

Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat

Syafiq Hadzir

(Only As Reference For Hunspell-MS)

Credit: edu.joshuatly.com

a I huruf pertama abjad Rumi.

a II 1. sr utk melahirkan kegirangan atau menyatakan persetujuan: *itu dia, ~, macam itulah caranya!*; **2.** sr utk menunjukkan terlupa akan sesuatu: *nama bukunya ... ~, nanti saya cuba ingatkan!*

AA kep Asia-Afrika.

AB kep anggaran belanja.

aba I = aba-aba Id kata(-kata) perintah dlm latihan tentera (senaman) dll: *"Satu ...," ~ Wit dr kerusinya.*

aba II; *~-daba* hama, kuman.

abad jangka masa seratus tahun (atau satu drpd jangka masa seratus tahun yg berurutan yg dimulai dgn kejadian yg terpenting, iaitu Hijrah Nabi Muhammad SAW bagi Tahun Hijrah atau kelahiran Nabi Isa bagi Tahun Masihi), kurun: *dlm ~ ke-15 tarikh Masihi (~ ke-9 tarikh Hijrah) Melaka berkuasa di Asia Tenggara; beberapa ~ yg lampau* beberapa ratus tahun yg lalu; *~ kedua puluh* jangka masa dr tahun 1901 hingga ke tahun 2000; *~ emas* zaman sesuatu bangsa atau negara mencapai puncak kejayaan, zaman kegemilangan (gemilang); *~ pertengahan = ~ tengah* zaman dlm sejarah Eropah antara zaman purbakala dan zaman baru (meliputi jangka masa antara kira-kira tahun 476 hingga 1453M); *~ al-abid* kekal selama-lamanya;

berabad-abad beratus-ratus tahun; *sudah ~ lamanya* sudah beratus-ratus tahun lamanya.

abadi Ar **1.** ada permulaan yg tiada pengakhiran (bkn masa, kehidupan, kenangan dsb): *kehidupan akhirat adalah kehidupan yg ~*; **2.** wujud atau berterusan utk selama-lamanya (sepanjang hayat dsb), tidak berkesudahan, kekal: *keamanan yg ~; kasih sayang yg ~*;

mengabadikan 1. menjadikan abadi, mengekalkan: *kasih sayangnya terhadap gadis itu tidak dapat diabadikannya*; **2.**

menjadikan peringatan (kenangan) yg kekal: *hasil-hasil sastra itu diabadikan melalui percetakan; sebuah tugu utk ~ jasa askar-askar yg terkorban;*

terabadi dapat diabadikan (dikekalkan): *dgn usahanya itu ~ terus cerita-cerita rakyat;*

keabadian kewujudan yg abadi, kekekalan: *~ kasih sayang seorang ibu; ~ perdamaian dan keamanan;*

pengabdian perihal mengabdikan, pengekalan.

abadiah, abadiat Ar abadi.

abah I arah, tuju: *tak tentu ~nya;*

mengabah menuju;

mengabahkan mengarahkan, menunjukkan: *~ kapal ke tempat yg tertentu.*

abah II ayah, bapa (biasanya sbg kata panggilan oleh seorang anak kpd bapanya).

abah-abah Jw alat, perkakas, tali-temali;

~ kuda alat kuda (spt tali kekang, pelana, dsb); ~ perahu tali-temali perahu; ~ tenun alat (perkakas) tenun.

abai cuai, lalai; *tidak ~ dr tidak cuai (lalai) dr;*

mengabaikan 1. tidak atau sangat sedikit memberikan perhatian kpd (seseorang atau sesuatu), tidak mengendahkan, mencuaikan, melalaikan: *~ anak isteri; ~ tugas dan tanggungjawab;* **2.** memandang tidak penting, tidak mempedulikan atau mengendahkan, menganggap sepi: *~ tunjuk ajar dan nasihat orang; mereka ~ sahaja segala kritik dan cemuhan;* **3.** tidak menggunakan (sesuatu kesempatan, kemudahan yg disediakan, dll), membiarkan atau melepaskan, mensia-siakan: *sayang sekali peluang keemasan itu kauabaikan;*

terabai tidak diberi perhatian (bkn seseorang atau sesuatu), tidak dipedulikan (diendahkan atau digunakan), dibiarkan sahaja atau disia-siakan;

keterabaian keadaan terabai: ~ *sesuatu kelompok*;

keabaian perihal abai;

pengabaian perihal atau perbuatan mengabaikan (keluarga, tugas dan tanggungjawab, nasihat dan teguran, peluang dan kemudahan, dll);

pengabai (orang yg sifatnya) suka mengabaikan atau sering tidak memberikan perhatian kpd sesuatu (spt tugas, tanggungjawab, dsb).

abaimana (Sanskrit) sl dubur, kemaluan.

abaka sj tumbuhan (pokok) yg seratnya dibuat tali belati, *Musa textilis*.

abalone (abaloné) sj siput drpd genus *Haliotis* yg boleh dimakan.

abang I 1. saudara lelaki yg lebih tua drpd seseorang (biasanya seibu seayah dengannya); **2.** panggilan khususnya kpd saudara tua laki-laki, adik-beradik; **3.** panggilan kpd seseorang lelaki yg lebih tua sedikit; **4.** panggilan kpd suami;

~ *angkat* orang lelaki yg lebih tua drpd seseorang yg tidak mempunyai hubungan darah dengannya tetapi telah diambil sbg anak oleh ibu bapanya; ~ *ipar* abang kpd isteri (atau suami) seseorang; ~ *kandung* abang yg seibu dan seayah dgn seseorang; ~ *tiri* abang kpd seseorang yg merupakan anak kpd ibu atau ayahnya hasil drpd perkahwinan yg terdahulu (dgn suami atau isteri yg lain);

berabang 1. mempunyai abang (biasanya abang kandung); **2.** memanggil seseorang abang, menggunakan kata (panggilan) abang terhadap seseorang;

berabangkan mempunyai seseorang sbg abang: ~ *seorang yg pengasih dan bertimbang rasa.*

abang II Jw merah.

abar; abar-abar **1.** dinding; **2.** penghalang, penyekat: ~ *kemajuan masyarakat;*

berabarkan mempunyai (sesuatu) sbg dinding atau penyekat, berdindingkan: *rumah yg ~ buluh;*

mengabar **1.** mengurangkan, meredakan: *ubat yg dapat ~ keadaan payah orang sakit;* **2.** menghalang, menyekat: *pertempuran-pertempuran ~ jalannya mesyuarat.*

abau sj kura-kura, labi-labi; *main ~ main tampuk labu.*

ABC **1.** abjad Rumi: *budak itu sudah pandai membaca ~;* **2.** kep air batu campur.

Abd. kep Abdul.

abdas (Parsi); **berabdas** mandi hadas.

abdi orang yg dimiliki oleh seseorang lain dan terpaksa melakukan apa saja yg diperintahkan oleh tuannya (tanpa mempunyai kebebasan atau hak sendiri), hamba, hamba tebusan; ~ *negara* Id pegawai kerajaan;

mengabdi **1.** menjadi abdi (hamba): *orang kulit hitam dr Afrika pernah dipaksa ~ di Amerika Syarikat;* **2.** berlaku spt abdi, menumpukan seluruh jiwa dan tenaga (kpd atau utk kepentingan seseorang atau sesuatu): *rela ~ kpd negara;*

mengabdikan **1.** menjadikan abdi, menghambakan, memperhamba: ~ *tawanan perang;* ~ *diri kpd negara;* **2.** menggunakan sepenuhnya: *tenaganya diabdikannya kpd negara;*

pengabdian perihal (perbuatan dsb) mengabdi atau mengabdikan: *tetapi Allah tidak membebani manusia dgn kemestian-kemestian yg banyak utk melakukan ~;* ~ *seseorang kpd negara sbg tanda*

cintanya terhadap negara; pd zaman dahulukala, ~ rakyat oleh raja sering berlaku.

abdikasi turun dr takhta kerajaan dgn kehendak (kerelaan) seseorang raja itu sendiri.

abdomen (Bio) rongga di bahagian tengah badan vertebrat (yg berisi organ-organ (spt perut, usus, buah pinggang, dan hati).

abese (abésé) Id abjad tulisan Rumi.

abet Jk tingkah laku;

mengabet bertingkah laku; *bisa* ~ tahu bertingkah laku.

abiad Ar sl putih; *fidah* yg ~ perak yg putih.

abid Ar orang yg menghambakan diri kpd Allah dgn beribadat kpd-Nya.

abidin Ar jamak bagi abid.

abilah (Parsi) cacar air, jeluntung; ~ *Peringgi* penyakit sifilis, penyakit raja singa.

ABIM akronim bagi Angkatan Belia Islam Malaysia.

abintara sl pesuruh raja; → **bentara**.

abiogenesis (abiogénesis) (Bio) penjanaan (secara hipotesis) benda hidup drpd benda bukan hidup.

abjad **1.** huruf-huruf dlm sesuatu bahasa yg disusun mengikut urutan yg tertentu (spt A, B, C hingga Z bagi tulisan Rumi dan alif, ba, ta hingga nya bagi tulisan Jawi); *menurut (urutan)* ~ menurut urutan huruf dlm abjad; **2.** urutan atau susunan huruf Arab (dgn setiap huruf mempunyai nilai angka utk menyatakan tahun dll, mis alif = 1, ba = 2, jim = 3, dal = 4, dll);

mengabjadkan menyusun (perkataan dll) menurut abjad: ~ *nama semua peserta*;

pengabjadan perihal mengabjadkan, penyusunan perkataan (senarai nama dll) mengikut urutan abjad.

ablasi (Bio) pembuangan tisu atau organ tubuh secara pembedahan.

abnormal 1. tidak spt yg biasanya terdapat (berlaku dsb), luar biasa:
keadaan yg ~; 2. Id agak gila;

keabnormalan keadaan yg menyimpang drpd kebiasaan, keadaan tidak normal, keadaan luar biasa.

abnus Ar sl kayu hitam.

aboi C panggilan kpd kepala atau pembesar orang Cina.

abon Jw sayatan daging yg dibubuh rempah dan digoreng.

abonemen (abonemén) IB 1. langganan; 2. wang langganan; 3. =
berabonemen berlanggan.

abrak sl batu cermin, mika.

abrar Ar golongan orang yg soleh.

abras Ar 1. menghidapi penyakit kusta; 2. penyakit kusta.

abrit; abrit-abritan Jk berlari tunggang-langgang.

absah Id sah (bkn surat keterangan dll);

mengabsahkan mengesahkan (keputusan, persetujuan, dll);

keabsahan keadaan sah, kedudukan yg sah, kesahan: *~ dan legitimasi politik itu sendiri secara yg berkesan harus berdasarkan kemahuan rakyat dan pengikut umumnya;*

pengabsahan pengesahan.

absen bp tidak hadir (di sekolah, di tempat kerja, dll);

mengabsen Id memanggil nama-nama orang utk mengetahui atau menentukan siapa yg tidak hadir (di sekolah, di tempat kerja, dll):
guru ~ murid-murid pd waktu masuk sekolah.

abses (absés) bengkak yg bernanah.

absolusi Id pengampunan dosa (dlm agama Roman Katolik).

absolutisme prinsip yg menekankan bahawa pemerintah (raja, pemimpin dsb) mestilah mempunyai kuasa yg mutlak atau tidak terbatas.

abstrak tidak berupa atau bersifat kebendaan (tidak dapat dilihat atau dirasa dgn pancaindera), tidak konkrit atau maujud, niskala, mujarad: *kesetiaan adalah sesuatu yg ~;*

mengabstrakkan menjadikan sesuatu abstrak;

keabstrakan perihal atau sifat abstrak: *kematangan seseorang pelukis boleh dilihat dlm ciri-ciri ~ lukisannya.*

abstraksi proses membentuk gagasan atau konsep umum dgn memilih ciri-ciri umum drpd contoh-contoh yg khusus: *dlm kebanyakan kes, pembinaan model biasanya melibatkan ~ ciri-ciri fenomena yg dikaji.*

absurd mustahil, tidak masuk akal, bertentangan dgn fikiran yg waras: *sesungguhnya adalah ~ utk berbuat demikian kerana subjeknya hanya diketahui oleh segelintir manusia.*

abtar Ar **1.** sl kudung; **2.** terputus rahmat Allah.

abu I 1. sisa sesuatu yg telah hangus dibakar atau terbakar: *~ drpd ranting dan daun kering yg dibakar boleh dijadikan baja; ~ dapur; ~ rokok; 2.* debu, serbuk;

~ kayu (Hut) bahan tak organik (terutama oksida, karbonat, dan fosfat drpd kalsium, kalium, dan magnesium) yg terdapat di dlm kayu; *~ logam* (Hut) bahan lebih logam yg tertinggal selepas selesai proses pembakaran lengkap kayu atau bahan organik lain;

spt ~ di atas tunggul prb Mn dgn mudah boleh tercampak atau terhalau, tidak bererti, tidak tetap (suami dlm rumah keluarga isterinya dlm masyarakat Minangkabau dan di tempat-tempat tertentu di NS); *sudah jadi ~ arang* prb sudah rosak sama sekali, tidak ada gunanya lagi; *terpegang di ~ hangat* prb Mn baru saja memulai sesuatu pekerjaan sudah mendapat kesusahan;

abu-abu Id warna kelabu;

mengabu menjadi abu, menyerupai abu;

mengabui **1.** membubuh abu (pd sesuatu); **2.** = ~ *mata* ki menyebabkan (seseorang) terpedaya hingga tidak mengetahui atau menyedari keadaan atau tujuan yg sebenar, mengelirukan, menyesatkan pandangan, memperdaya: *beliau mengingatkan penduduk-penduduk di situ supaya mengawasi tindak-tanduk golongan yg cuba ~ mata orang ramai;*

keabu-abuan berwarna agak kelabu, kekelabu-kelabuan.

abu II kalah (dlm permainan congkak dll).

abu III suatu pangkat di Siam.

abu-abu; *ikan* ~ Id sj ikan laut.

abuh I riuh, sibuk.

abuh II Jw bengkak; *sakit* ~ (*abuh-abuhan*) sakit dgn bengkak-bengkak pd kaki (tubuh dsb).

abuk; mengabuk Jw mengambil barang kepunyaan orang dan mengaku atau mengatakan bahawa barang tersebut miliknya.

abuk-abuk = ~ *sagu* sj penganan yg dibuat drpd biji-biji sagu (gula melaka dll).

abun-abun angan-angan; *gila di* ~ prb mengangan-angankan sesuatu yg tidak mungkin tercapai (terhasil).

abung; *limau* ~ limau bali, limau besar.

abur; mengabur membuang-buang (wang dll), menghamburkan, membazirkan, memboroskan;

pengabur orang yg membuang-buang atau membazirkan (wang), pemboros.

abus **1.** bahagian atau pecahan yg terkecil; **2.** duit syiling zaman dahulu yg terendah nilainya; **3.** sedikit sekali, tidak berharga, tidak mempunyai nilai.

abuya Ar **1.** ayah; **2.** panggilan hormat kpd orang yg ajarannya (biasanya ajaran agama Islam) atau pendapatnya diikuti.

abvolt unit ukuran voltan elektrik yg bersamaan dgn 1×10^{-8} volt.

abyad Ar → **abiad**.

Ac simbol kimia bagi aktinium.

acah; beracah-acah bermain-main, bersenda-senda: ~ *dgn maut*;

mengacah melakukan gerak utk mengelirukan atau menyesatkan lawan;

mengacah-acah mengacah berulang kali: *lembaga itu semakin hampir, ~ hanya menunggu masa sahaja utk bertindak*;

acahan perbuatan mengacah.

acak I Mn; **acak-acak** terburu-buru, tergesa-gesa.

acak II Jk; **mengacak** melakukan sesuatu tidak dgn peraturan, mengacaukan;

acak-acakan kacau-bilau, tidak teratur.

acan I; mengacan melakukan gerak pukulan atau serangan utk mengelirukan atau menyesatkan lawan.

acan II; mengacan mengharapkan, mencita-citakan.

acan III Kd mengusik seseorang (dgn tujuan utk bergurau).

acang Id perkakas utk mengukur keadaan air dlm dandang.

acang-acang Mn pesuruh, orang kepercayaan; ~ *alat* orang yg mengatur peralatan; ~ (*dlm negeri*) orang yg dipercayai orang (penduduk) sekampung atau senegeri.

acap I = acap-acap kerap kali, sering kali.

acap II 1. penuh dgn air, terendam dlm air (kayu dll), tergenang oleh air (padang, sawah, dll); **2.** terbenam dalam-dalam (kaki dlm lumpur, mata keris pd tubuh seseorang, dll);

mengacapi menggenangi, merendam (dgn air).

acap kali beberapa kali, berulang-ulang, kerap kali, sering kali: *dia masih melakukannya walaupun sudah ~ ditegur*.

acar I sj makanan yg dibuat drpd buah-buahan atau sayur-sayuran dgn bahan-bahan lain dan diasamkan dgn cuka (dimakan dgn nasi); jenis-jenis acar: ~ *limau (nipis)*, ~ *lobak parut*, ~ *mentimun*, ~ *telur*;

mengacar membuat acar.

acar II = acaran Kd tempat membuang kotoran dapur, limbah; *kain dlm ~ dikutip cuci ia hendak ke longkang lagi* prb sudah rosak betul, tidak dapat dibaiki lagi (bkn akhlak perempuan jahat dll).

acara I **1.** susunan perkara utk dibincangkan dlm mesyuarat (perundingan dsb), agenda; **2.** rancangan atau susunan rancangan utk sesuatu pertunjukan (pertandingan sukan dll), program: *satu jawatankuasa khas akan menyusun ~ yg akan diadakan pd hari ulang tahun itu*; **3.** kegiatan (persembahan dll) biasanya dlm sesuatu program: *carilah jalan utk bersuka ria dan hadirilah lebih banyak ~ sosial*; ~ *kemuncak* kegiatan atau persembahan terpenting (biasanya juga yg teristimewa) dlm sesuatu program; **4.** Id perkara utk dibicarakan (di mahkamah), kes; perbicaraan sesuatu kes (dlm mahkamah): ~ *ini akan diadakan di mahkamah tinggi*;

beracara **1.** mempunyai acara, ada acaranya (agendanya atau programnya); **2.** Id memeriksa (membicarakan) perkara di mahkamah;

mengacara Id menjatuhkan keputusan hukum;

mengacarai **1.** mengelolakan atau mengendalikan sesuatu acara (pertandingan, majlis dsb): *seorang muka baru akan ~ majlis pelancaran produk itu*; **2.** Id memulai percakapan, memberi bahan bagi percakapan (perbualan): *“Engkau kecewa”, aku ~ percakapan*;

mengacarakan 1. menjadikan sbg salah satu acara, memasukkan ke dlm susunan acara (rancangan): *pancaragam itu akan diacarakan pd malam penghabisan*; **2.** Id mengadukan (perkara);
pengacara 1. Id peguam bela; **2.** orang yg mengendalikan persembahan acara-acara (dlm sesuatu pertunjukan, majlis, dll), juruacara.

acara II Jw; **mengacarakan** menyambut (tamu), mempersilakan tetamu (duduk dll).

acaram sl cincin bertunang, cincin tanda.

acau; mengacau mengigau; → **aco**.

aci I diterima, jadi, sah, (dlm permainan, pertaruhan, dll); *tidak ~ tidak jadi, tidak sah; lebih kurang sedikit janganlah diambil ~ sangat lebih kurang sedikit janganlah diambil berat*;

mengacikan mengakui sbg aci atau sah, mengesahkan.

aci II batang logam tempat roda berpusing, gandar roda;

~ *engkol* batang logam berputar yg menyambungkan engkol dgn rod penyambung utk menukar gerakan turun naik kpd gerakan berpusing pd enjin pembakaran dalaman; ~ *pacu* batang logam yg memacu dan menghubungkan satu bahagian dgn bahagian yg lain dlm kenderaan bermotor; ~ *sesondol* batang logam panjang yg mempunyai sesondol utk menggerakkan rangkaian injap pd enjin pembakaran dalaman;

aci-aci kayu panjang utk menggulung layar.

aci III (Tamil) kakak (biasanya sbg panggilan kpd perempuan India yg lebih tua).

aci IV Pn; ~ *lut* main sembunyi (sj permainan budak-budak), cekup puyuh.

aci V tepung (sagu, ubi kayu, dll).

aci-aci Id andai, misal, umpama; *~nya* seandainya, seumpamanya, kalau-kalau;

mengaci-acikan memisalkan, mengumpamakan, mengandaikan;

aci-acian sesuatu yg terbayang dlm fikiran, gambaran angan-angan: *sudah kami mempunyai ~ bagaimana mendirikan masjid itu.*

acik nama timang-timbangan bagi anak yg kedua bongsu.

acita (Hindustan) beras.

aco; mengaco Jw **1.** mengigau; **2.** berkata tidak keruan (yg bukan-bukan).

acu I; mengacu 1. membuat gerak laku utk mengancam atau menakut-nakutkan (spt mengangkat atau menghalakan senjata hendak menikam dsb); **2.** = **mengacu-acu** memikir-mikirkan (sesuatu yg hendak dilakukan dan caranya), berniat, berfikir-fikir, beragak-agak (hendak berbuat sesuatu); **3.** menunjuk atau menarik perhatian (kpd), merujuk: *dlm syarahannya ia selalu ~ kpd bukunya;*

mengacukan 1. menghalakan (senjata) ke arah seseorang utk mengancam atau menakut-nakutkannya, mengacungkan, menunjukkan sbg mengancam (genggaman tangan dll): *keris terhunus diacukan ke perut Panglima Awang;* **2.** = **mengacu-acukan** menganjurkan, merancang-rancangkan: *sudah lama ia mengacu-acukan langkah ini.*

acu II; mengacu membentuk (kuih, peluru, dll) dgn menuang bahan cecairnya ke dlm sesuatu bekas atau acuan, mencetak (peluru, roda kereta api, dll);

acuan 1. bekas yg mempunyai bentuk tertentu utk dituangkan sesuatu bahan cecair: *~ kuih; ~ agar-agar; ~ peluru;* **2.** alat (spt kerangka, pemidang, dsb) utk sesuatu: *~ sepatu;* **3.** ki sesuatu yg

dapat membentuk atau mencorakkan sesuatu: *proses pembesaran kanak-kanak akan menjadi ~ kpd sikap sebenar yg akan diwarisi; ~ kalimat pola kalimat.*

acu III; mengacu = mengacukan memakai sesuatu (spt baju, kasut, dsb) seketika utk mengetahui sama ada muat atau tidak (sedap dipakai atau tidak dsb).

acu IV sj tumbuhan (pokok), mendarah (rengas, penarahan) daun besar, *Knema hookeriana*.

acuh peduli, mengambil berat, mengendahkan; *tak ~ tidak peduli; ~ tak ~ (hampir) tidak menunjukkan minat atau memberikan perhatian (kpd sesuatu), kurang peduli, endah tak endah: sikap ~ tak ~ ini merugikan perjuangan kebangsaan;*

mengacuhkan mempedulikan, mengendahkan, menghiraukan: *tidak ~ larangan orang tua-tua;*

acuhan sesuatu yg diendahkan, sesuatu yg menarik minat atau perhatian;

ketidakacuhan sikap tidak mengendahkan sesuatu.

acum; mengacum 1. menghasut supaya bermusuhan dsb: *dicarinya akal utk ~ adik-beradik itu supaya bermusuhan;* **2.** mengajak berkelahi, menentang: *~ lawan;* **3.** Kd mengadu pd seseorang;

acuman 1. hasutan; **2.** tentangan;

pengacum 1. penghasut; **2.** penentang, orang yg menentang.

acung I Id; **mengacung** menunjuk ke atas, diangkat ke atas: *tangannya ~;*

mengacungkan menghalakan (sesuatu ke arah seseorang), menunjukkan (tangan dll): *~ senjata; ~ tangan;*

pengacungan perbuatan mengacungkan: *~ senjata.*

acung II Mn; **mengacung** menyepak, menendang.

AD Id kep Angkatan Darat.

ada **1.** boleh didapati (ditemui, dilihat, dsb), bukan khayalan atau rekaan, wujud: *ada orang yg mempercayai hantu itu ~ dan ada pula yg mengatakan ianya khayalan manusia; tidak ~ lagi binatang raksasa sekarang;* **2.** boleh diperoleh (didapati, dijumpai, dsb) di sesuatu tempat: *gula dan kopi ~ di dlm almari itu; dia tidak ~ di rumahnya sewaktu kami sampai;* **3.** telah sedia, telah terkumpul dsb (utk diberi perhatian dsb): *~ banyak surat yg perlu ditandatangani; ~ kerja penting yg belum diurus lagi;* **4.** mempunyai: *Razi ~ banyak barang mainan; tidak ~ cita-cita;* **5.** (masih) hidup, belum meninggal dunia: *ibunya masih ~ tetapi ayahnya sudah meninggal; dia sudah tak ~ dia sudah meninggal dunia;* **6.** benar-benar, sungguh-sungguh, sesungguhnya (digunakan utk menguatkan kata kerja selepasnya): *dia ~ pergi ke sekolah petang tadi; saya ~ menerima surat daripadanya;* **7.** hadir (digunakan sbg menjawab panggilan guru dll sewaktu memastikan kedatangan murid dll); **8.** apakah (digunakan utk melembutkan pertanyaan): *~ encik melihat adik saya?*

~ gula, ~ semut prb kalau orang kaya banyaklah kawannya; *~ air, ~ (adalah) ikan = ~ padang, ~ belalang = ~ batang, ~ cendawan tumbuh* prb di mana pun kita duduk, ada rezeki;

ada-ada; *~ saja* a) selalu berlaku sesuatu atau timbul perkara baru dll: *~ saja yg menyebabkan penderitaannya; jarang ia di rumah, ~ saja orang datang mengajaknya berjalan;* b) selalu ada sesuatu yg ditimbulkan, ada kerenahnya (ragamnya dsb): *“A~ saja kau! Ada orang hendak, kau pun hendak juga!”;*

seada-adanya = seadanya (sekadar atau setakat) apa-apa yg ada: *hidangan ~ sudah sedia;*

adakah **1.** apakah ada (utk mengeraskan pertanyaan), ada atau tidak (tiada): *soalnya, ~ terdapat novel karangannya?* **2.** benarkah

(atau tidak), sesungguhnya (atau tidak): ~ *kekalahannya tahun ini lebih besar drpd kekalahan tahun lalu?* ~ *duri dipertajam* prb perselisihan yg telah ada tidak perlu diperbesar lagi;

adakan mana ada, mana boleh, masakan: ~ *kucing bertanduk*;

adalah **1.** sl sesungguhnya (digunakan pd permulaan ayat, kenyataan, dsb): ~ *makam ini dikurniai raja kpd aku, barang siapa hendak duduk bayarkan sewanya kpd aku*; **2.** ialah (utk menghubungkan sesuatu yg diperkatakan dgn huraian, penjelasan dsb yg mengenainya): *hadiah itu ~ utk murid terpandai*;

adanya **1.** perihal ada (berlaku, terdapat, dsb), wujudnya: ~ *kekacauan merosakkan keadaan ekonomi*; **2.** demikianlah halnya: *mereka itu spt adik-beradik ~*;

ada-adanya, ada-adanyakah mana boleh, munginkah: ~ *ayam berkaki tiga*;

adapun mengenai, perihal: *dapat dikemukakan bahawa ~ cerita pendek pd umumnya menceritakan hal manusia juga*;

berada **1.** ada (di), ada atau terdapat di sesuatu tempat atau dlm sesuatu keadaan: *hidupmu sedang ~ di tepi jurang kebinasaan*; *sewaktu kejadian itu berlaku, dia ~ di Singapura*; **2.** berharta, kaya: *keluarganya boleh dikatakan ~ juga*;

berada-ada = ada-berada ada sesuatu yg tersembunyi (spt sebab, maksud, dll); *kalau tidak ~ takkan tempua bersarang rendah* prb tentu ada maksud tersembunyi seseorang berlaku secara luar biasa;

keberadaan keadaan (sifat) berada: *semua benda bersifat sementara sehingga akhirnya ~nya terletak di suatu tempat lain*;

mengada-ada **1.** berkata (meminta, berfikir, membuat, dll) yg bukan-bukan: *jangan kamu ~ saja*; **2.** bercakap atau menunjukkan kelakuan (gerak-geri dsb) spt menunjuk-nunjuk atau bermegah-megah dsb (membuat orang meluat): *sejak pulang dr luar negeri,*

dia sudah ~, sudah berlagak spt orang Barat; 3. Id melebih-lebihkan (sesuatu yg diperkatakan), membuat-buat, berbohong: aku tak percaya sebab dia suka ~; 4. menyusahkan (suka meminta yg bukan-bukan dsb): ah, ~nya orang ini, apa kehendak kau?;

mengadakan **1.** menjadikan ada atau wujud, mewujudkan, menjadikan, menciptakan: *Tuhanlah yg ~ seluruh alam ini; 2.* mengusahakan sehingga ada (tersedia, terdapat, dsb), menyediakan: *~ wang yg diperlukan; peruntukan belanjawan utk ~ lebih banyak sekolah dan maktab teknik; 3.* mengusahakan sehingga berlaku atau berjalan sesuatu (spt seminar, mesyuarat, kenduri, dll), menganjurkan serta mengurus sesuatu: *~ kursus bahasa-bahasa asing; ~ kempen kebersihan;*

mengada-adakan mengadakan atau menimbulkan dsb sesuatu (spt cerita, alasan, dll) yg sebenarnya tidak ada atau tidak benar, membuat-buat, mereka-reka: *dia sengaja ~ cerita itu utk mendapatkan simpati drpd kawan-kawannya;*

keadaan **1.** hal atau kedudukan (seseorang atau sesuatu) pd sesuatu ketika atau jangka waktu: *pesakit itu berada dlm ~ tenat; ~ di sesebuah negara semasa berlaku peperangan; ~ hidup kaum nelayan; ~ cuaca; 2.* rupa (sifat, kedudukan, dsb) sesuatu sebagaimana yg dapat dilihat: *seorang pegawai polis sedang membuat catatan tentang ~ di tempat itu selepas berlaku rompakan; ~ tubuhnya tegap sasa; 3.* suasana (di atau di sekitar sesuatu tempat): *~ di situ pd waktu malam senyap sunyi;*

berkeadaan (berada) dlm keadaan (kedudukan, suasana, dll): *pd tahun itu negeri Selangor ~ kacau-bilau kerana perkelahian anak-anak rajanya; di hadapan gadis dia ~ canggung;*

pengadaan perihal mengadakan sesuatu: *~ kelas agama pd waktu petang.*

adab 1. tingkah laku serta tutur kata yg halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yg halus, kesopanan: *dia seorang yg tinggi ~nya; kami berbual-bual juga dan masing-masing bercermat menjaga ~, supaya tidak berlaku langgar bahasa;* 2. cara seseorang berkelakuan dlm sesuatu situasi tertentu: *~ pergaulan; ~ makan; ~ tertib* budi bahasa dan tingkah laku (yg halus dan sopan); *balik ~* sl tiada adab, biadab, kurang sopan; *ilmu ~* pengetahuan mengenai buruk baik bagi kelakuan manusia (budi bahasa dan budi pekertinya);

beradab 1. mempunyai (menunjukkan) adab, berbudi bahasa, bersopan: *kelakuannya spt orang tidak ~;* 2. telah maju tingkat kehidupan (jasmani dan rohani), bertamadun: *bangsa-bangsa yg ~;*

mengadabi beradab (bersopan, berbudi bahasa) terhadap orang lain, menghormati: *~nya sbg orang yg sopan;*

memperadabkan menjadikan beradab (bertamadun), memajukan tingkat kehidupan (sesuatu bangsa atau masyarakat) pd aspek jasmani dan rohani: *~ bangsa-bangsa yg terkebelakang;*

peradaban keadaan serta tingkat kemajuan pd kehidupan jasmani dan rohani (sesuatu bangsa, masyarakat, dsb), tamadun: *jangan membuang yg halus dan tinggi yg terdapat dlm ~ Barat;*

berperadaban telah mencapai peradaban (yg maju), bertamadun: *dunia yg sofistikated lagi ~ ini.*

adad Ar bilangan, jumlah.

adagio (Muz) lagu yg dimainkan dgn rentak yg perlahan dan lemah gemalai.

adai; *~ -badai* tudung saji yg bersulam.

adakala ada waktunya (ketikanya, kalanya), kadangkala, sekali-sekali: *~ dia menang, ~ pula dia kalah.*

adalat Ar keadilan.

Adam = *Nabi* ~ manusia yg pertama dijadikan Tuhan; *anak* ~ = *bani* ~ =
cucu ~ keturunan Adam, manusia, insan; *kulit* ~ pangkal kuku jari
yg berwarna putih dan berbentuk bulan sabit.

adan firdaus, syurga.

adang I; adang-adang penyekat (yg memisahkan, mengasingkan, dsb):

tiap-tiap meja disekat dgn satu ~; ~ pintu penyekat di muka pintu;

mengadang 1. = **mengadangi** menahan (seseorang) drpd dapat
lalu atau masuk ke sesuatu tempat (dgn mendepangkan tangan,
merintangkan sesuatu, dsb), menghalang(i), menyekat: *Hamid*
~nya di pintu, tidak mahu memberinya masuk; 2. menyekat laluan
(di jalan raya): *mereka ~ jalan dgn meletakkan tong-tong kosong;*
sebatang pokok yg tumbang ~ jalan dan menyebabkan banyak
kenderaan terkandas; 3. menunggu dgn tujuan hendak menyergap
(menyerang hendap): *merancang utk ~ musuh; 4.* menuju,
memaksudkan, menghadapi; **5.** menempuh (bahaya, kesukaran,
dsb);

musuh jangan diadang, selisih jangan dicari prb pertelingkahan
atau perselisihan janganlah dicari-cari; *sungguhpun kawat yg*
dibentuk, ikan di laut yg diadang prb sungguhpun nampaknya
tidak ada sesuatu maksud tetapi ada juga benda yg dituju;

mengadangkan menggunakan sbg adang, merentangkan (sesuatu),
mendepangkan (tangan): *diadangkannya lengannya;*

pengadangan 1. tempat utk mengadang; **2.** perbuatan mengadang;

pengadang 1. penghalang, perintang (di jalan dll), sekatan; **2.**
orang yg mengadang (menghalang atau menyekat orang lain); **3.**
penyamun dsb yg mengadang (menunggu dan menyerang hendap).

adang II Id; ~ ... ~ ... kadang ... kadang ...; ~ *makan* ~ *tidak* kadang
makan kadang tidak;

adang-adang kadang-kadang.

adap; adap-adapan; *nasi* ~ nasi pulut berwarna kuning (dihidangkan di upacara perkahwinan).

adaptasi penyesuaian dgn keadaan dsb yg baru atau berbeza: ~ *buku-buku Indonesia sedang diusahakan oleh Bahagian Terjemahan; seseorang itu perlu membuat ~ terhadap hidupnya utk mengimbangkan tuntutan keperluan dgn kemampuan diri;*

beradaptasi membuat penyesuaian: *struktur biologi yg berbeza itu ~ secara fungsiannya dgn jenis-jenis persekitaran yg berbeza;*

mengadaptasi membuat adaptasi: *orang Islam di merata-rata pelosok dunia ini ~ istilah dan rangkaian kata Arab; drama terjemahan perlu diadaptasi supaya mencerminkan nilai-nilai dan alam kita; seorang klien diajar mengubah dan ~ tingkah laku drpd yg tidak normal atau tidak rasional kpd yg lebih rasional dan logik;*

pengadaptasian perihal (perbuatan dsb) mengadaptasi sesuatu;

pengadaptasi orang yg membuat adaptasi (penyesuaian), orang yg menyesuaikan sesuatu (biasanya karya sastera atau seni): *Muhammad Uthman Jalal dianggap sbg ~ yg paling berpengaruh, tidak kurang sepuluh buah drama Perancis telah diadaptasi.*

adapun → **ada**.

adar I; mengadar bermalam di rumah orang, bertandang.

adar II sangat tua.

adas 1. = ~ *landi* = ~ *pedas* sj tumbuhan (herba), *Foeniculum vulgare*; **2.** = ~ *cina* = ~ *manis* sj tumbuhan (herba), *Anethum graveolens*.

adat 1. peraturan yg sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulukala) di dlm sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yg harus dipatuhi), lembaga: ~ *Minangkabau*; ~ *Perpatih*; ~ *Rembau*; **2.** cara yg sudah menjadi kebiasaan, sifat, kebiasaan: ~ *air cair*, ~ *api panas*;

kurang ~ tidak sopan, kurang ajar; *membawa* ~ haid (datang bulan); *mengisi* ~ menjalankan adat kebiasaan, memenuhi kewajiban; *tahu* ~ sopan; *tak tahu* ~ tidak sopan, kurang ajar; ~ *dunia* sifat dunia, kebiasaan di dunia; ~ *gelanggang* = ~ *menyabung* peraturan menyabung (ayam); ~ *istiadat* berbagai-bagai adat (peraturan) yg dituruti; ~ *menyerambi* adat menjamu bakal menantu laki-laki; ~ *resam* adat kebiasaan;

~ *bersendi syarak, syarak bersendi* ~ prb segala perbuatan hendaklah jangan bertentangan dgn adat dan agama; ~ *diisi, lembaga dituang* prb Mn mengerjakan sesuatu menurut adat kebiasaan; ~ *gajah terdorong* prb orang yg berkuasa biasanya menyalahgunakan kekuasaannya; ~ *lama pusaka usang* prb Mn adat yg tidak berubah-ubah sejak dahulu; ~ *periuk berkerak, ~ lesung berdedak* prb jika berkehendakkan keuntungan, haruslah susah; ~ *sepanjang jalan, cupak sepanjang betung* prb tiap-tiap perbuatan ada peraturannya, tiap-tiap negeri mempunyai kebiasaannya: *hidup dikandung ~ mati dikandung tanah* prb setiap orang harus mentaati adat selama hidup dan jangan pula melupakan bahawa dia akan mati; *hilang ~ tegal muafakat* prb adat lama itu boleh diubah asal dgn muafakat;

beradat 1. mempunyai adat, tahu sopan santun; 2. melakukan sesuatu secara adat;

mengadatkan menjadikan sesuatu adat, menjadikan sesuatu kebiasaan; *adat yg diadatkan* adat yg ditetapkan;

teradat sudah menjadi adat atau kebiasaan; *adat yg ~ adat yg terjadi kerana kebiasaan.*

adawat Ar permusuhan, benci.

ADD kep Akhbar Dalam Darjah.

addin Ar al-Din.

adegan Jw bahagian drpd babak (sandiwara, wayang): *ia berlakon dgn baik dlm ~ di atas kapal; ~ ranjang* (bahagian drpd) babak asmara di atas katil (dlm lakonan sandiwara, wayang gambar, dsb) yg menimbulkan kehairahan: *tingkah laku yg bertentangan dgn Islam digambarkan dlm hubungan seks dan ~ ranjang*.

adem Jk **1.** sejuk; **2.** hambar, tawar (makanan); **3.** tenang (fikiran, hati);
mengadem menyejukkan diri (di tempat dingin).

adhesi (adhési) IB **1.** daya tarik-menarik antara molekul dua zat yg berlainan; **2.** ucapan setuju, ucapan sokongan.

ad hoc (Latin) bkn sesuatu perkara yg dilakukan utk tujuan tertentu tanpa perancangan awal: *jawatankuasa ~*.

adi I (Sanskrit) sl yg pertama, yg terutama, yg tertinggi: *pahlawan ~; pendekar ~*.

adi II Ar mengikut adat, biasa, lazim.

adi III Br adik;

adi-beradi = **seperadian** pertalian adik-beradik dlm sesuatu keluarga.

adiabatik (Kim) bkn sesuatu proses dlm sistem kimia yg tidak melibatkan sebarang kemasukan atau keluaran haba.

adib Ar **1.** beradab, berbahasa, bersopan; **2.** sasterawan, pujangga.

adicita Id ideologi.

adik 1. saudara kandung (laki-laki atau perempuan) yg lebih muda; ~ *bongsu* adik yg termuda; ~ *kandung* = ~ *seibu sebapa* anak kpd ibu dan bapa seseorang yg lebih muda daripadanya; ~ *seayah* adik berlainan ibu; ~ *seibu* adik berlainan ayah; **2.** panggilan (khasnya kpd saudara kandung atau saudara mara yg lebih muda atau kpd isteri dan amnya kpd orang yg lebih muda);
~ *ipar* adik lelaki atau perempuan kpd suami atau isteri seseorang;
~ *sanak ayah* anak saudara lelaki ayah (yg lebih muda); ~ *sanak*

ibu anak saudara perempuan ibu (yg lebih muda daripadanya); ~ *sepupu* anak (yg lebih muda) kpd adik atau kakak ayah atau emak seseorang; *bulan* ~ *Maulud* bulan Rabiulakhir;

beradik 1. mempunyai atau ada adik: *biarlah dia bermanja sepuas-puasnya sementara belum ~ lagi*; **2.** bersaudara kandung: *kami tinggal tiga ~ di rumah itu selepas pemergian ayah*;

adik-beradik, adik kakak 1. (beberapa orang) yg mempunyai hubungan kekeluargaan (kerana seayah atau seayah dan seibu), bersaudara: *mereka lima ~ mereka lima bersaudara*; *bergaduh ~ dlm pembahagian harta pusaka*; **2.** (berlaku) sbg saudara, antara atau selaku adik dgn abang (atau kakak): *mari kita bicarakan ~ dahulu*;

beradik kakak selaku adik dan kakak;

memperadik memandang (memanggil, menyebut) adik.

Adika Pr gelaran orang besar: *Dato' Seri ~ Raja*.

adikara sl **1.** kekuasaan, berkuasa; **2.** sewenang-wenang.

adikarya karya agung yg dianggap menggambarkan peradaban sesuatu bangsa, mis *Hikayat Hang Tuah* dlm masyarakat Melayu.

adikong (drpd Perancis *aide-de-camp*) pembantu peribadi kpd pembesar (spt sultan, perdana menteri, dll).

adikuasa kuasa utama, kuasa tertinggi: *dunia memang sudah berubah sejak ~ Soviet Union hilang taring*.

adikudrati yg di luar kekuasaan alam (Roman Katolik).

adil 1. menyebelahi pihak yg benar (bkn sesuatu, seseorang, tindakan, undang-undang, keputusan dsb): *raja yg ~; tindakan yg ~; hakim itu ~ keputusannya*; **2.** meletakkan sesuatu pd tempatnya yg betul (bkn sesuatu, seseorang, tindakan, undang-undang, keputusan dsb): *pelantikan seseorang yg ahli dlm bidangnya adalah satu pelantikan yg ~*; **3.** menepati hak seseorang atau sesuatu: *kadar*

taksiran mestilah ~ dan tidak menjadi satu beban kpd penduduk; para pekerja mendapat layanan dan ganjaran yg ~, setimpal dgn pengorbanan yg dilakukan kpd organisasi; 4. tidak menyebelahi mana-mana pihak (bkn layanan terhadap seseorang dsb), tidak berat sebelah: tugas ibu bapa ialah berlaku ~ dlm sesuatu pemberian kpd anak-anak dgn tidak melebihkan seorang drpd yg lain;

mengadili menimbangkan dgn saksama serta memutuskan (dlm mahkamah dsb), memeriksa dan menghukum orang dgn adil: ~ dan menghukum orang-orang yg melanggar undang-undang;

keadilan sifat (perbuatan, tindakan, dll) yg adil: ~ seseorang raja atau pemerintah; ia menuntut ~ ia menuntut penyelesaian yg adil; menciptakan ~ masyarakat mengadakan susunan dan keadaan yg adil bagi kehidupan dlm masyarakat;

ketidakadilan perihal (keadaan, perbuatan, kejadian, dsb) tidak adil;

peradilan segala yg berkaitan dgn perkara pengadilan: *selalunya ahli sains membuat ~ moral kpd rakan-rakan mereka;*

pengadilan 1. mahkamah, majlis, dsb yg mengadili: *aku akan dihadapkan ke muka ~ dan di sanalah aku akan menerima keadilan;* **2.** perihal (perbuatan dsb) mengadili, perbicaraan serta keputusan oleh pengadil: *penjahat-penjahat perang dijatuhi hukuman mati dlm ~ di mahkamah Nuremberg;* **3.** perihal (perbuatan dsb) mengadili sesuatu pertandingan dsb: ~ pertandingan pakaian aneka ragam;

pengadil 1. orang yg mengadili sesuatu perkara, hakim: *jikalau orang yg membuat undang-undang juga menjadi ~ undang-undang, nescaya tidak ada kebebasan;* ~ litar pengadil yg beredar ke beberapa tempat (bandar dsb) utk menjalankan perbicaraan; **2.**

orang yg mengadili pertandingan atau perlawanan (spt bola sepak, tinju, dll).

adinda bh adik (digunakan di kalangan keluarga raja, dlm surat-menyurat dsb).

ading sl adik.

adiningrat Jw gelaran bangsawan yg tertinggi.

ad interim (Latin) utk sementara waktu: *kabinet ~*; *tindakan ~*.

adipati Jw **1.** sl raja, kepala daerah; **2.** gelaran bupati (sebelum perang).

adipos (Ubat) mengandungi lemak atau menyerupai lemak; *tisu ~* tisu yg dipenuhi lemak.

adiposuria (Ubat) kewujudan lemak dlm air kencing.

adipsia (Ubat) keadaan abnormal yg menyebabkan seseorang mengelak drpd minum (tidak terasa dahaga).

adiraja sl **1.** (suatu) gelaran; *Maharaja A~*; **2.** Id ark *hak ~* hak melakukan kekuasaan yg tertinggi; **diraja.**

adiratna sl permata yg mulia (ki bagi perempuan yg cantik).

adisejuk (Kim) bkn cecair yg menyejuk atau dijadikan sejuk sehingga ke bawah takat sejuk beku tanpa cecair itu membeku.

adiwangsa bangsa utama (mulia).

adiwarna sl amat bagus, amat indah.

adjektif (adjéktif) kata sifat.

adjudikasi (Udg) proses undang-undang dlm menyelesaikan sesuatu pertelingkahan;

teradjudikasi; *hak ~* hak yg telah diiktiraf dlm prosiding kehakiman dan pentadbiran.

adjuster (Eko) pelaras.

administrasi IB pentadbiran, tatusaha, pengurusan: *~ negara*; *~ perniagaan.*

administratif IB yg berkaitan dgn pentadbiran; *hukuman* ~ hukuman yg dikenakan oleh jabatan (tidak dipecat tetapi diturunkan pangkat atau dikenakan sesuatu hukuman lain).

administrator IB pentadbir, penatausaha.

admiral kepala angkatan laut, laksamana.

adob bata yg dibuat drpd campuran tanah liat dgn jerami yg dijemur utk dijadikan bahan binaan.

adoi sr aduh;

mengadoi, mengadoi-adoi mengeluh(-ngeluh), mengaduh(-aduh):
sekonyong-konyong ia ~ dan mengerang.

adopsi IB pengambilan anak orang lain menjadi anak sendiri, pengambilan sbg anak angkat.

adpertensi (adperténsi) IB iklan (dlm surat khabar dll).

adpis IB nasihat: *lagaknya lagak orang pintar, ~nya tepat-tepat*; **advis.**

adpisir IB penasihat.

adpokat → **avokado.**

ad rem (ad rém) (Latin) berkaitan atau bertepatan dgn sesuatu perkara dsb (bkn jawapan dll), tepat benar.

adrenal (adrénal) (Bio) bkn sesuatu yg berdekatan dgn atau berkaitan dgn ginjal.

adrenalina (adrénalina) (Bio) hormon yg dirembeskan oleh bahagian medula kelenjar adrenal yg menolong badan bersedia menghadapi keadaan cemas kerana kesannya berguna utk tindakan ‘lawan’ atau ‘lari’.

adrenosklerosis (adrénosklérosis) (Ubat) pengerasan struktur kelenjar.

adres (adrés) bp alamat (tempat tinggal);

mengadreskan mengalamatkan (surat dll kpd).

ADRI Id akronim bagi Angkatan Darat Republik Indonesia.

adu I; beradu 1. berlanggar, berlaga, berhantuk(an), terhantuk: *motokar itu ~ dgn kereta lembu; terdengar gelas ~; kepalanya ~ dgn dinding; 2.* bertarung, berlaga, bersabung: *ayam yg sedang ~; 3.* bertanding, berlawan (utk merebut kemenangan atau menentukan sesuatu); *~ cantik* bertanding utk menentukan siapa yg paling cantik; *~ tenaga* bertanding utk menentukan siapa yg kuat; *~ nasib* mencoba membuat atau mendapatkan sesuatu dgn harapan akan peroleh kejayaan;

mengadu 1. mempertemukan (dua benda), meletakkan dsb berdekatan, mendekatkan (utk membandingkan dsb); **2.** menyentuhkan (gelas dll), menghantukkan (gelas, kepala, dll), melagakan: *~ kepala ke dinding; ~ tuntung jarum* prb menyatukan fikiran yg sukar itu sangat susah; **3.** memperlagakan, menyabung: *~ ayam; 4.* mempertandingkan, memperlawankan: *~ layang-layang; ~ tenaga* mempertandingkan kekuatan; **5.** memberitahu seseorang mengenai sesuatu (yg tidak menyenangkan dsb) utk mendapatkan pertolongan (sokongan, simpati, dsb): *dia ~ kpd ibunya apabila dia dicubit oleh kakaknya; dia tidak ~ kpd sesiapa tentang layanan buruk yg dialaminya itu; 6.* meminta keadilan: *~ kpd hakim; ~ lidah* berbantah; *~ nasib = ~ untung* mencoba untung, beradu nasib;

mengadukan 1. mengemukakan perkara dll (kpd hakim, parlimen, dll), memberitahukan sesuatu (yg tidak baik atau tidak menyenangkan) utk mendapatkan pertolongan (sokongan, sesuatu tindakan, simpati, dsb): *parlimen ialah tempat ~ sesuatu perkara yg patut diketahui oleh kerajaan; penduduk kampung itu telah ~ kesulitan yg dihadapi kpd pegawai daerah; 2.* memberitahukan atau melaporkan sesuatu mengenai seseorang kpd orang atau pihak

tertentu utk menyusahkannya (merugikannya, menganiayainya, dsb): *diadukannya ayahnya kpd Jepun;*

memperadu-adukan memperadudombakan;

aduan 1. pertandingan, perlumbaan: ~ *kuda*; 2. yg diadu, sabungan: *ayam ~*; 3. hal atau perkara yg diadukan (diberitahukan): *segala ~ itu sedang disiasat oleh polis;*

peraduan pertandingan: *ia telah berjaya menjadi johan syarahan dlm ~ yg dianjurkan oleh syarikat itu;*

pengaduan 1. perihal (perbuatan) mengadu, penyabungan (ayam), pelagaan (binatang); 2. perbuatan mengadukan (perkara, kejadian, orang, dll);

pengadu 1. orang yg suka mengadu utk mendapatkan pertolongan (simpati dsb); 2. orang yg mengemukakan aduan.

adu II; beradu tidur (bkn raja);

peraduan tempat tidur; *bilik ~ bilik tidur (raja).*

adu domba; mengadu domba, mengadudombakan, memperadudombakan memperlakukan seseorang (sesuatu golongan dll) dgn yg lain: *parti-parti yg tidak bertanggungjawab hendak ~ orang Melayu dgn orang Cina; mereka hendak menjajah negeri kita dgn jalan memperadudombakan kita sama kita;*

pengadu domba orang atau pihak yg mengadu domba(kan), orang atau kumpulan lain: *ada ancaman komunis, ada bahaya dadah, antinasional, pembuat fitnah dan ~ rakyat.*

aduh sr kata yg menyatakan rasa sakit (rasa hairan, keluhan): ~, *sakitnya perut saya!*

mengaduh, mengaduh-aduh mengatakan aduh, mengeluh (kerana kesakitan dll): *suara yg ~ itu suara orang kena tikam;*

teraduh mengaduh dgn tiba-tiba; **adoi.**

aduhai sr kata utk melahirkan rasa sedih (rintihan dsb): ~ *kekanda!*
Sampai beginilah nasib adinda.

aduk; mengaduk 1. mengacau, mengarau: *tidak perlu ~ atau menggoncang tangki penyumbat setiap masa; ~ gulai;* 2. = **mengaduk-aduk** membongkar-bongkar dgn tidak tentu: ~ *buku;*
teraduk-aduk kacau (tidak rapi atau kemas), tidak berketentuan (bkn seperai dll);

adukan barang yg (telah) diaduk, campuran (simen dll);

aduk-adukan campur aduk;

pengadukan perihal (proses atau perbuatan) mengaduk:
pengacauan boleh dibuat secara ~ atau penggoncangan;

pengaduk alat utk mengaduk: *sampel dan campuran penyejuk diaduk selalu dgn ~.*

adun I; mengadun meramas (menguli) tepung dgn air (santan, susu, dll);

mengadunkan mencampurkan atau menggabungkan sesuatu unsur dll dgn unsur yg lain: ~ *unsur realiti dgn yg bukan realiti; Kasim Ahmad berbicara tentang perlunya isi yg baik utk diadunkan dlm teknik sastera yg menarik;*

adunan tepung yg telah diadun utk membuat kuih;

pengadunan proses atau perbuatan mengadun atau mengadunkan sesuatu: ~ *warna yg menarik dlm corak yg mempesonakan;*

pengadun alat utk mengadun: ~ *warna.*

adun II sl elok (kerana berhias): ~-*temadun* Mn indah-indah, berjenis-jenis warnanya;

beradun berdandan, berhias, bersolek: *setelah mandi, puteri pun ~; baginda makan sirih yg beradun-adun;*

mengadunkan mendandankan, menghiasi, mempersolekkan: ~ *pengantin;*

adunan hiasan, alat berdandan: *sangatlah berkenan kpd hatinya ~ kekasihnya.*

ADUN akronim bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (iaitu wakil rakyat peringkat negeri yg dipilih melalui pilihan raya).

ad valorem (Udg) duti yg dikenakan mengikut nilai barang.

adverba (Lin) kata yg menerangkan kata kerja, kata sifat, atau kata adverba lain.

advertensi (adverténsi) IB iklan.

advis IB nasihat; **adpis.**

advokat I IB peguam, peguam bela.

advokat II → **avokado.**

aedes (aédés) (Bio) sj nyamuk, mis *Aedes aegypti*, yg membiak di dlm air bertakung yg menjadi pembawa penyakit demam denggi.

aerial (aérial) alat yg menjadi sebahagian drpd sistem televisyen dan radio utk menerima atau memancarkan gelombang elektromagnet.

aeroangkasa (aéroangkasa) **1.** atmosfera bumi dan ruang yg melampauinya; **2.** berkaitan dgn roket, pesawat udara, peluru berpandu, kapal angkasa lepas dsb yg terbang atau beroperasi dlm ruang angkasa lepas: *industri ~.*

aerob (aérob) (Bio) organisma yg dapat hidup hanya dgn adanya oksigen dr udara.

aerobatik (aérobatik) persembahan kecekapan, ketangkasan, dan kemahiran mengendalikan penerbangan pesawat udara.

aerobik (aérobik) **1.** senaman yg penuh bertenaga utk meningkatkan bekalan oksigen dlm darah serta memperkuat jantung dan paru-paru, biasanya dilakukan dgn gerak-geri spt tarian dan diiringi muzik yg rancak: *ada ~kah hari ini?; tarian ~* sj tarian yg bercorak (bersifat) senaman; **2.** (Bio) berkaitan dgn atau memerlukan

oksigen bebas: *pengudaraan diperlukan utk membekalkan oksigen bagi mikroorganisma ~;*

beraerobik melakukan aerobik: *beberapa cara utk menguruskan badan spt ~.*

aerobiologi (aérobiologi) kajian tentang mikroorganisma, spora dsb yg dibawa angin, terutamanya yg menyebabkan penyakit.

aerodinamik (aérodinamik) **1.** ilmu sains yg mengkaji cara sesuatu benda bergerak melalui udara (spt kereta, kapal terbang, dsb); **2.** bkn sesuatu benda (spt kapal terbang, kereta, dsb) yg mempunyai bentuk yg dapat melalui udara dgn mudah dan laju: *bentuk kereta yg ~ membangkitkan keanggunannya.*

aerodrom (aérodrom) lapangan terbang yg kecil, biasanya digunakan oleh pesawat udara persendirian utk berlepas dan mendarat.

aerofobia (aérofobia) perasaan takut kpd tiupan angin.

aerogram (aérogram) surat yg dikirim khas melalui pos udara, surat udara.

aerolit (aérolit) sj tahi bintang yg mengandungi bahan silika.

aerologi (aérologi) kajian tentang atmosfera, termasuklah lapisan-lapisan atasnya.

aerometer (aérométer) (Fiz) alat utk mengukur berat atau ketumpatan udara atau gas.

aeronautik (aéronautik) kajian tentang aspek-aspek penerbangan.

aeroponik (aéroponik) kaedah atau teknik menanam tumbuh-tumbuhan yg digantung di dalam persekitaran rumah hijau dgn menyemburkan larutan nutrien pd akar yg terjulur di udara: *sistem ~ hanya memerlukan tong gentian, pengepam dan paip getah; ~ adalah salah satu konsep menanam tumbuh-tumbuhan di dalam persekitaran rumah hijau.*

aerosfera (aérosféra) seluruh atmosfera yg menyelubungi bumi.

aerosol (aérosol) ampaiian cecair atau butiran pepejal yg terdapat di udara.

aerotaksis (aérotaksis) pergerakan mikroorganisma ke kawasan yg beroksigen (aerotaksis positif) atau menjauhi kawasan tersebut (aerotaksis negatif).

aerotropisme (aérotropisme) gerak balas tumbuhan yg mengarah ke kawasan yg beroksigen.

afagia (Ubat) keengganan atau ketidakupayaan utk makan atau menelan.

afakia (Ubat) ketiadaan kanta mata secara semula jadi atau disebabkan kemalangan, kecederaan dsb.

afal Ar (jamak kpd fiil) kelakuan, perbuatan: *orang itu baik ~nya*.

afasia (Ubat) keadaan tidak berupaya utk memahami atau mengungkapkan sesuatu ujaran yg disebabkan oleh penyakit atau kecederaan pd otak.

afdal lebih utama, terutama: *mengerjakan perkara-perkara yg ~;*

keafdalan perihal terbaik atau terutama, paling bagusnya: *puluhan ayat al-Quran menyatakan kelebihan berfikir dan dlm hadis juga dinyatakan ~ berfikir.*

afdeling (afdéling) IB bahagian.

afektif (aféktif) berkaitan dgn perasaan dan emosi (dan bukannya fikiran atau daya berfikir): *utk memperkembang minat dan motivasi membaca, alam ~ kanak-kanak haruslah berkembang serentak dgn alam-alam kognitif mereka.*

afelion (afélion) titik dlm orbit tempat sesuatu komet atau planet berada paling jauh dr matahari.

aferesis (aferésis) (Lin) pengguguran satu huruf atau suku kata di awal perkataan, mis apabila huruf *h* dlm *hujung* digugurkan menjadi *ujung* dan suku kata *bu* dlm *bukan* digugurkan menjadi *kan*.

afesis (afésis) (Lin) pengguguran vokal awal yg tidak bertekanan bagi sesuatu kata, mis apabila vokal awal *a* dlm *abang* digugurkan menjadi *bang*.

afghani unit mata wang Afghanistan.

afiat Ar **1.** pulih, sihat; *sihat dan ~ = sihat wal ~ sihat* (tidak uzur); **2.** kesihatan;

mengafiatkan sl memulihkan, menyihatkan;

keafiatan keadaan sihat, kesihatan: *dlm ~ dan keselamatan yg sempurna*.

afid sj serangga kecil drpd famili Aphididae yg merosakkan tumbuh-tumbuhan dgn menghisap air daun, batang atau akarnya.

afidavit kenyataan atau keterangan bertulis dgn mengangkat sumpah yg disaksikan oleh seseorang pegawai bertaualiah: *peguam berkata beliau tidak menerima ~ terbaru dan syarikat berkenaan gagal mengemukakan maklumat mengenai kedudukan sebenar kapal itu*.

afiliasi gabungan, pertalian: *dua orang sarjana ini memerihalkan latihan sains dan ~ mereka dgn badan penyelidikan;*

berafiliasi mempunyai perhubungan atau pertalian: *lembaga keilmuan yg mengkaji masalah politik sebaiknya tidak ~ dgn kekuatan sosiopolitik*.

afiniti (Kim) kecenderungan sesuatu atom atau sebatian utk bertindak atau berpadu dgn atom atau sebatian lain yg mempunyai jujuk kimia yg berbeza.

afonia (Ubat) kehilangan suara yg disebabkan oleh penyakit larinks, kerosakan saluran suara dsb.

aforisme (Lin) ungkapan yg tepat, ringkas, dan jelas yg mengandungi atau melahirkan suatu kebenaran umum, pepatah, bidalan, peribahasa (spt bersatu teguh bercerai roboh).

Afrikaans salah satu bahasa rasmi Republik Afrika Selatan: *bahasa ~*.

Afrikaner orang kulit putih di Republik Afrika Selatan yg berasal drpd keturunan Belanda dan bertutur dlm bahasa Afrikaans.

afrit Ar satu golongan jin yg jahat, ifrit: *sedang kita leka bersuka ria, datanglah jin ~ hendak menyusahkan kita.*

afro potongan rambut yg berbentuk bulat, keriting halus, tebal dan panjang, spt rambut sesetengah orang kulit hitam: *rambut potongan ~.*

afrodisiak bahan yg dapat membangkitkan nafsu syahwat.

afsun ark pesona.

afta (Ubat) ulser kecil yg lazimnya terjadi di dlm mulut akibat jangkitan kulat.

AFTA akronim bagi *Asean Free Trade Area* (Kawasan Perdagangan Bebas Asean).

Ag simbol kimia bagi argentum.

afwah Ar tuah (orang yg keramat): *dgn ~ maulana menolong hamba mungkin tercapai segala yg dicitakan.*

aga I (Turki) gelaran bangsawan.

aga II angkuh, sombong: *ibu itu ~ pula atas anak tunggalnya itu;*

beraga berlagak, memperlihatkan-lihatkan diri;

mengagakan membanggakan: *sesungguhnya kedua-dua orang tua itu dapat ~ anaknya;*

keagaan keangkuhan, kesombongan: *sekaliannya ada, menjadi ~ bagi yg punya;*

peraga → **raga III.**

agah I; beragah berpandang muka mengajak berkelahi: *sementara mereka ~, polis pun tiba;*

beragah-agah, beragah-agahan berpandangan muka hendak berkelahi, berhadap-hadapan hendak bersabung (bkn ayam);

mengagah 1. memandangi muka atau menentang mata (mengajak berkelahi dll): ~ *lawan*; **2.** melakukan sesuatu utk membuat bayi ketawa: *anak itu ketawa kerana diagah-agah*; **3.** mengeluarkan bunyi yg belum berupa patah-patah perkataan (bkn bayi): *anak kecil itu sudah pandai ~*; **4.** mempertemukan muka (supaya berkelahi): ~ *ayam sabungan*.

agah II Kl, Tr bersifat sombong: *kalau kamu masuk kampung orang, jangan ~ sangat*.

agak I 1. kira, sangka, rasa: ~ *saya dia sudah keluar tadi*; ~ *gerakan jika kiranya*; **2.** boleh dikatakan, dapat dianggap (ditafsirkan): *menghadapi kesukaran yg ~ besar*; ~ *lama juga di sana*;

agak-agak 1. barangkali, mungkin, rasanya, rasa-rasanya: ~ *hari ini hujan*; **2.** = **agaknya** gerakan, kiranya: *apa ~ maksudnya datang ke mari?*

beragak, beragak-agak 1. ragu-ragu, sangsi: *melanggar kota itu jangan ~*; **2.** mempunyai tujuan (niat) utk, bermaksud, berniat: *ia ~ utk pergi ke Mekah*; **3.** awas-awas, hati-hati: *mengatakan sesuatu dgn tidak ~*;

mengagak, mengagak-agak 1. mengira-ngira (dgn berdasarkan dugaan atau pertimbangan kasar), menaksir: *ia tidak dapat ~ ke mana ia akan dibawa*; *orang yg pandai ~ dan mengagih orang yg bijaksana*; **2.** memaksudkan, meniatkan: *lain yg diagak, lain yg kena*;

mengagakkan 1. membuat kesimpulan (berdasarkan dugaan atau tekaan sahaja), menduga, menyangka: *keadaan lebih sulit drpd yg diagakkan*; **2.** menentukan (dgn hati-hati): ~ *biaya negeri*;

mengagak-agihkan 1. mengagak dan mengagihkan, menerangkan, memberitahukan, menjelaskan; **2.** suka mencela;

teragak 1. terfikir (timbul sesuatu fikiran dgn tiba-tiba atau dgn sepiantas lalu), terlintas di hati: *ada kalanya ~ juga dia hendak menjual tanahnya itu*; **2.** Mn ingin sangat: *ia ~ pulang ke negerinya*;

teragak-agak berkira-kira, berbelah bagi (sama ada hendak melakukan sesuatu atau tidak): *saya tidak akan ~ utk mengambil tindakan*;

agakan apa yg diagakkan, dugaan, sangkaan: *~ ini mungkin benar*.

agak II; *pokok ~ paya* sj tumbuhan (pokok), *Vitex peralata*.

agal I sj penyu besar.

agal II Jw serat pokok ibus.

agam I sl besar, tegap: *terlalu ~ tubuhnya*.

agam II tidak ada akhir, larut; *berkepanjangan bagai ~ prb perbuatan* (perkataan) yg berlarut-larut;

beragaman berlarutan, tidak berkesudahan: *berpestalah sejauh impian ~*.

agama 1. kepercayaan pd Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan pd yg Maha Kuasa: *~ Islam, ~ Kristian; orang yg memeluk ~ Islam disebut juga orang Mukmin; ~ langit agama yg bukan ciptaan manusia*; **2.** kepercayaan pd sesuatu dewa dll (yg dipuja dsb dan dianggap sbg sesuatu yg amat berkuasa);

beragama 1. mempunyai agama, menganut sesuatu agama: *orang Melayu ~ Islam*; **2.** mematuhi ajaran-ajaran agama, taat pd agama, beribadat: *memang dia orang ~, tentu sahaja tidak mahu negara yg tidak berdasarkan agama kita*; **3.** bp terlalu sangat mementingkan, gemar benar, memuja-muja: *~ kpd harta benda*;

mengagamakan menjadikan sesuatu sbg agama;

keagamaan perihal agama, (hal-hal) yg berkaitan dgn agama:
sastera ~; semangat ~.

agamani Id warak.

agamawan orang (golongan) yg mempunyai ketaatan, pegangan, dan latar belakang agama yg kuat: *gerakan Islam yg dipelopori oleh tokoh ~ dlm perkembangan nasionalisme Melayu.*

agan; beragan Mn bermaksud, berniat, sengaja; *mati ~ mati* bukan kerana penyakit (tetapi kerana rindu, sedih, dll);

mengagan, mengagan-agan mengganggu, menggoda, mengusik.

agar I supaya, semoga: *awak harus bersekolah ~ pandai.*

Agar II (dlm gelaran): *Seri ~ Diraja.*

agar-agar 1. sj tumbuhan (lumut laut), *Eucheuma spp.*; **2.** lumut laut yg sudah diproses (dibersihkan dsb) dan boleh dimasak utk dibuat kuih atau penganan; **3.** sj kuih.

agarik sj kulat yg biasanya terdapat pd lukisan cat.

agas I sj serangga kecil yg sangat mengganggu.

agas II; *tali ~ tali senam, tali kala, tali tempat perempuan yg sedang bersalin berpegang.*

agas III → akas I.

agen (agén) sesuatu yg menyebabkan berlakunya tindak balas (proses dsb): ~ *pendebungaan*; ~ *kimia*; ~ *pengoksidaan* agen yg mendermakan oksigen kpd unsur atau sebatian lain sewaktu tindak balas kimia; ~ *penurunan* agen (unsur, sebatian, dll) yg menyingkirkan oksigen drpd unsur atau sebatian atau menambahkan hidrogen atau mendermakan elektron kpd unsur atau sebatian lain, sewaktu tindak balas kimia.

agenda (agéndá) **1.** susunan perkara yg dikemukakan utk dibincangkan (dlm mesyuarat): *mesyuarat berjalan lancar kerana ~ tersusun baik*; **2.** ark buku catatan.

agensi (agénsi) **1.** organisasi perniagaan dsb yg mengendalikan sesuatu perkhidmatan: ~ *pekerjaan*; ~ *pembantu rumah*; **2.** pejabat ejen; **3.** organisasi pentadbiran kerajaan;
~ *pelancongan* badan atau syarikat yg menyediakan perkhidmatan pelancongan tertentu, spt menguruskan penempahan tiket pengangkutan, memberikan maklumat destinasi percutian dsb utk orang ramai yg ingin melancong; ~ *penarafan* badan yg membuat penilaian tentang kedudukan, keutuhan kewangan dsb sesebuah syarikat, institusi, atau individu serta memberikan taraf kedudukan tertinggi, sederhana, atau terendah mengikut merit masing-masing.

aghlaf Ar **1.** tidak bersunat; **2.** kafir.

agih bahagi, beri;

beragih berbahagi (harta dll);

mengagih; *suarang diagih* NS harta yg diperoleh selama perkahwinan (kalau bercerai dibahagi dua);

mengagihkan membahagikan, memberikan: *ia ~ rokok buatan luar negeri kpd kami*;

mengagih-agihkan membahagi-bahagikan: *di sinilah letaknya keperluan perancangan supaya sumber-sumber yg terhad dapat diagih-agihkan mengikut keutamaan keperluan*;

pengagihan perbuatan dsb mengagihkan, pembahagian: *harta yg diketepikan oleh pemilik itu dipegang dlm bentuk amanah bagi ~ berterusan kpd penerima*; ~ kuasa pembahagian dan penentuan (bidang kuasa) kpd golongan-golongan tertentu dsb;

peragih pembahagian, pemberian: *apa ~ mentua kpd pengantin itu?*

agihan apa yg diagihkan atau dibahagikan: *dari segi ~ tanah tani, sektor tanaman dagangan menguasai sektor pertanian*.

aging-aging sj tumbuhan (pokok), ari(ng)-aring, daun dakelin, dawah, keremak jantan (hutan), *Eclipta alba*.

agitasi IB hasutan (supaya memberontak dll).

agitator IB penghasut, perisau.

aglosia (Ubat) ketiadaan lidah sejak lahir.

aglutinasi 1. (Ubat) penggumpalan sel darah, atau mikroorganisma spt bakteria, akibat tindakan antigen dan antibodi dlm darah; **2.** (Lin) penambahan imbuhan pd kata atau kata akar utk menunjukkan fungsi tatabahasa, mis *mem-*, *per-*, dan *-kan* dlm *mempertemukan*.

aglutinin (Ubat) antibodi yg menyebabkan sel bakteria tertentu melekat antara satu dgn lain utk membentuk gumpalan yg akan dimusnahkan oleh sel darah putih.

aglutinogen (Ubat) bahan yg bertindak sbg antigen yg merangsang penghasilan aglutinin tertentu dlm darah.

AGMARIS akronim bagi *Agriculture Marketing Information Systems* (Sistem Maklumat Pemasaran Pertanian).

agnostik orang yg berpendapat atau berpendirian bahawa hanya sesuatu yg berupa kebendaan sahaja yg boleh diketahui manakala pengetahuan tentang Tuhan dan segala yg abstrak tidak mungkin: *mereka itu terdiri drpd skeptik, ~, ateis, dan peragu*.

a go go sj tarian yg diiringi muzik pop yg rancak yg popular pd 1960-an.

Agong; *Yang di-Pertuan* ~ gelaran utk Ketua Negara Malaysia.

agorafobia (Psi) ketakutan yg amat sangat terhadap tempat yg luas dan lapang.

agrafia (Ubat) keadaan tidak berupaya utk menulis akibat kecederaan pd otak.

agraria IB urusan tanah (pertanian, perkebunan, dll).

agraris IB (berasaskan, berkaitan dgn, bersifat, dsb) pertanian: *Inggeris tidak begitu suka mengganggu masyarakat Melayu yg dianggap masyarakat ~.*

agregat (agrégat) **I** IB bp enjin utk membangkitkan tenaga elektrik.

agregat (agrégat) **II** jumlah: *dia mendapat ~ yg baik dlm peperiksaan SRP.*

agresi (agrési) IB pencerobohan (oleh sesebuah negeri terhadap negeri lain).

agresif (agrésif) cenderung menyerang (negara lain) atau berlaku (bertindak dsb) secara bermusuhan terhadap pihak (negara dsb) yg lain, bersifat suka menyerang (bermusuhan, bersengketa, dsb);

keagresifan perihal atau keadaan agresif: *keyakinan dan ~ mereka terhadap fahaman liberal;*

pengagresif orang, terutamanya negara yg melakukan tindakan yg agresif.

agresor (agrésor) IB pihak (negara dll) yg memulakan serangan atau pencerobohan, penyerang (yg memulakan persengketaan dsb).

agro- *awalan asing* berkaitan dgn pertanian, tanah, atau ladang, mis dlm *agrokimia* dan *agroteknologi*.

agroekologi (agroékologi) kajian saintifik tentang hubungan antara organisma hidup dgn persekitaran, khususnya di kawasan pertanian.

agroekonomi (agroékonomi) ekonomi yg berasaskan atau berkaitan dgn pertanian.

agroindustri industri yg berkaitan dgn aktiviti pertanian.

agrokimia; *bahan* ~ bahan kimia yg digunakan utk tujuan pertanian, mis racun serangga.

agrologi kajian saintifik tentang tanah dan potensi daya pengeluarannya dr segi pertanian (tanaman dsb).

agronomi sains pertanian atau cabang ilmu pertanian yg berkaitan dgn pengelolaan tanah utk menghasilkan tanaman.

agrostologi cabang botani yg berkaitan dgn kajian tentang rumput.

agroteknologi (agrotéknologi) teknologi yg berkaitan dgn pembangunan pertanian.

aguk 1. perhiasan yg tergantung pd kalung pengantin (bentuk bulat bagi laki-laki, bentuk bulan sabit bagi perempuan); **2.** buah rantai, loket.

agul; agul-agul Id angkuh, sombong;

mengagulkan membanggakan, memegahkan, menyombongkan.

agun Id cagar, sandar(an);

mengagulkan mencagarkan, menggadaikan;

agunan cagaran, gadaian, jaminan.

agung I 1. (paling) besar, terutama: *balai ~; layar ~; tiang ~*; **2.** yg tertinggi: *pemerintah ~*; **3.** teristimewa, terkemuka, terutama: *Allahyarham Tun Abdul Razak seorang pemimpin yg ~; Allahyarham P. Ramlee seniman ~ Malaysia; tamu ~*; **4.** yg terbuka kpd dan utk dihadiri oleh semua ahli (bkn mesyuarat, persidangan, dsb): *persidangan ~ UMNO; mesyuarat ~ Kesatuan Sekerja DBP*;

mengagungkan menjadikan (menganggap dsb) agung, membesarkan, memuliakan, meninggikan: *al-Quran ~ ilmu pengetahuan dan memuliakan ahli ilmu*;

mengagung-agungkan selalu (sering kali) mengagungkan, sangat mengagungkan;

keagungan kebesaran, kemuliaan, ketinggian: *~ Abdullah sbg pengarang terletak pd konsepsinya yg moden*;

pengagungan perbuatan dsb mengagungkan: *antara yg menghalang perkembangan pesat bahasa Melayu ialah kekurangan bahan rujukan dlm bahasa itu dan ~ bahasa Inggeris*.

agung II; teragung, teragung-agung terhantuk (kepala, buah-buahan);
ragung.

agus Id **1.** sj gelaran: *mas ~*; **2.** sl bagus, elok, mulia.

agut; mengagut-agut Mn kehabisan nafas (spt ikan yg hampir mati),
mengap-ngap.

agut-agut = *burung ~* burung butbut.

ah sr kata utk menyatakan kehairanan (tidak setuju, keluhan, rusing): *~, itukah yg kaumaksudkan!; ~, seganlah aku!; ~, mengapa budak-budak itu tidak dapat berfikir!*

aha kata seru utk menunjukkan tanda faham, hairan, atau sedar akan sesuatu: *~, ini ideanya!*

ahad I Ar **1.** satu, esa: *Allahu A~*; **2.** pertama; *hari A~* hari pertama dlm seminggu selepas hari Sabtu, hari minggu; **3.** minggu; *se~* seminggu, sejumaat.

ahad II Ar perjanjian;

mengahadkan **1.** menikahkan: *maka kadi pun tampillah ke hadapan ~ kedua-duanya*; **2.** memeterai perjanjian.

ahadiat Ar sl ketunggalan (Tuhan).

ahai sr kata utk menarik perhatian: *saya tak senang kalau tak lalu di muka rumah saudara, ~!*

ahem (ahém) sr kata utk menarik perhatian.

ahi → **ahai.**

ahkam Ar (jamak bagi hukum) hukum, undang-undang.

ahlan = *~wasahlan* Ar selamat datang.

ahli I **1.** anggota (pertubuhan, persatuan, golongan, dll): *~ parti politik; ~ persatuan sejarah*; **2.** orang yg mahir atau mempunyai pengetahuan yg mendalam dlm sesuatu bidang, pakar: *~ bahasa; ~ muzik; ~ sains*; **3.** sangat mahir, pakar: *kalau fasal menghias, dia memang ~*;

~ *bahasa* orang yg mahir atau mempunyai ilmu yg mendalam dlm bidang bahasa; ~ *bersekutu* anggota (persatuan dll) yg tidak mempunyai taraf dan hak-hak ahli yg sepenuhnya (mempunyai hak bersuara dan hak dipilih utk memegang sesuatu jawatan); ~ *biasa* anggota (persatuan dll) yg mempunyai taraf dan hak-hak ahli yg sepenuhnya (mempunyai hak bersuara dan hak dipilih utk memegang sesuatu jawatan); ~ *falak* orang yg pakar tentang cakerawala (banyak tahu tentang kedudukan, pergerakan, dsb bulan, bintang, dll); ~ *falsafah* = ~ *fikir* orang yg mempunyai kemampuan memikirkan hal-hal yg bijaksana (yg berkaitan dgn alam, kehidupan, manusia, dll); ~ *gusti* orang yg pandai dan juga sering kali bergusti; ~ *juri* salah seorang drpd sekumpulan orang yg dipertanggungjawabkan membuat keputusan tentang sesuatu perkara yg dibicarakan dlm mahkamah; ~ *kaji bumi* (*kaji hayat*, *kaji manusia*, dll) orang yg pakar tentang kaji bumi (kaji hayat, kaji manusia, dll); ~ *kehormat* ahli yg keanggotaannya diberi sbg suatu kehormatan kerana khidmat atau jasanya (yg tidak dibayar); ~ *linguistik* orang yg mengkaji atau mengajarkan linguistik; ~ *majlis tempatan* wakil rakyat yg menjadi anggota majlis yg mentadbirkan kawasan (daerah) tempatan; ~ *parlimen* anggota parlimen (orang yg menduduki kerusi di Parlimen sbg wakil rakyat di sesuatu kawasan pilihan raya); ~ *sains* orang yg arif dlm salah satu cabang ilmu sains (spt botani) yg terlibat secara langsung dgn kerja-kerja kajian bidang ini; ~ *sukan* orang yg berminat dan juga sering kali mengambil bahagian dlm sukan; ~ *terapi* orang yg mahir dlm sesuatu jenis terapi; ~ *tetap* ahli yg sentiasa atau secara tetap menjadi anggota sesuatu (spt jawatankuasa dll); ~ *tinju* orang yg pandai bertinju dan selalu berlawan tinju;

mengahlikan; ~ diri memahirkan diri dlm sesuatu ilmu pengetahuan (bidang kegiatan, pekerjaan yg dilakukan, dll), berusaha atau bergiat agar menjadi ahli: *mula-mula ia ~ dirinya dlm ilmu fikah;*

keahlian 1. kemahiran dlm sesuatu ilmu (kepandaian, pekerjaan, dll): *penterjemah yg baik memerlukan ~ seorang pengarang;* **2.** perihal menjadi ahli, kedudukan (hak) sbg ahli, keanggotaan: *~nya dlm kelab ini telah dibatalkan;*

berkeahlian mempunyai keahlian: *mereka yg ~ dlm ilmu sains moden.*

ahli II, ahliil, ahlu, ahlu kaum, orangnya (terutama dlm rangkaian kata Arab); ~ *bait* isi rumah; ~ *kitab* kaum yg berkitab suci (orang atau kaum yg mengikuti ajaran agama yg terkandung di dlm kitab-kitab Injil, Taurat, dan Zabur); ~ *kubur* orang-orang yg telah meninggal dunia; ~ *nujum* orang yg pandai meramalkan sesuatu (dgn melihat bintang, tapak tangan, dll); ~ *suluk* orang yg faham atau melakukan suluk; ~ *sunah (waljamaah)* kaum Islam yg menurut ajaran hadis Nabi Muhammad SAW.

ahmak Ar bodoh, dungu: *orang yg ~; fikiran yg ~.*

ahmar Ar merah.

aho sr kata utk menyatakan hairan (terkejut).

ahram Ar (majmuk drpd haram) piramid: *kita teringat kpd ~~~ yg didirikan oleh Firaun.*

ai I sr kata utk menyatakan kehairanan: ~, *sudah lama di sini!*

ai II ia, setuju: *siapa yg bersetuju akan usul itu berkata ~.*

AI kep *artificial intelligence* (kecerdasan buatan).

aib 1. rasa hina atau malu akibat perbuatan keji dsb oleh seseorang anggota keluarga dsb, cela, nama buruk, penghinaan; *memberi ~* memberi malu, mencela (nama baik keluarga dsb); *menaruh ~*

berasa malu; **2.** cacat, salah: *tiap-tiap benda yg murah tidak dapat tidak ada ~nya;*

mengaibkan **1.** memberi aib, mencela, mencerca: *ia selalu ~ jirannya; perbuatan yg ~;* **2.** menghina, menodai (nama baik), memberi malu: *kadi memberitahu perempuan-perempuan jalang itu bahawa mereka telah ~ agama Islam;*

keaian cela, kecelaan, noda (nama buruk), perasaan malu: *hal itu merupakan suatu ~.*

Aidiladha = *Hari Raya* ~ hari besar bagi umat Islam yg dirayakan pd 10 Zulhijah setiap tahun Hijrah, Hari Raya Haji, Hari Raya Korban.

Aidilfitri = *Hari Raya* ~ hari besar bagi umat Islam yg dirayakan pd 1 Syawal setiap tahun Hijrah (setelah berakhir puasa selama sebulan), Hari Raya Puasa.

AIDS akronim bagi *acquired immune deficiency syndrome* (sindrom kurang daya tahan penyakit) iaitu penyakit atau keadaan yg dianggap disebabkan oleh sejenis virus yg menjadikan sel-sel putih dlm tubuh seseorang itu tidak lagi berupaya melindunginya drpd serangan penyakit.

aikido sj seni mempertahankan diri (dlm masyarakat Jepun).

aileron (Kej) bahagian sayap kapal terbang yg berengsel yg gunanya utk mengimbangi dan mengawal kapal terbang semasa penerbangan.

ain I **1.** huruf ke-18 abjad Arab (mempunyai nilai 70); **2.** huruf ke-19 abjad Jawi.

ain II Ar **1.** mata, mata air; **2.** inti, penting, sejati.

ain-al-banat, ainulbanat Ar sl sj kain yg elok.

air I **1.** cecair yg terbentuk drpd dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen (dlm keadaan yg murni tidak mempunyai warna, bau atau rasa); **2.** kumpulan cecair (spt yg terdapat di dlm sungai, tasik, laut, dsb): *banjir berlaku apabila ~ sungai melimpahi*

tebingnya; **3.** cecair yg terdapat dlm buah-buahan, perahan, jus: ~ *tebu*; ~ *limau*; **4.** = *batang* ~ sungai; *ke batang* ~ ke sungai; *anak* ~ anak sungai; **5.** minuman: ~ *teh*; ~ *kopi*; **6.** cecair yg rupanya spt air; **7.** campuran air atau sesuatu cecair dgn bahan(-bahan) lain; ~ *abu* air yg mengandung zat drpd abu; ~ *alas* air masin (di muara sungai); ~ *ampuh* air bah; ~ *anggur* minuman yg dibuat drpd buah anggur; ~ *api* = ~ *keras* asid; ~ *atar* sj minyak wangi; ~ *bah* banjir; ~ *bakat* = ~ *berolak* pusaran air; ~ *batu* = ~ *beku* ais; ~ *batu campur* sj minuman sejuk yg dibuat drpd air batu kisar yg dibubuh kacang merah, jagung, cincau, gula melaka cair, sirap, susu cair, dll; ~ *batu kering* karbon dioksida yg disejukkan dan merupakan ketul-ketul; ~ *belanda* = ~ *soda* air yg bercampur dgn karbon dioksida; ~ *berat* (Kim) molekul air yg terdiri drpd dua atom deuterium dan satu atom oksigen; ~ *besar* bh najis, tahi; ~ *buah* air perahan buah-buahan, jus; ~ *bujang* minuman spt teh, kopi dsb yg dihidangkan kpd tetamu tanpa kuih, biskut dsb; ~ *dakelom* = ~ *dakelong* = ~ *kolong* = ~ *kelonyor* sj minyak wangi (*eau-de-cologne*); ~ *emas* a) lapis emas, dakwat emas; b) benang emas; ~ *galian* air mineral; ~ *gula* air yg dibuat terlalu manis dgn gula; ~ *hempedu* air yg dikeluarkan oleh hempedu; ~ *hidung* hingus; ~ *hidup* maulhayat; ~ *kandang* Id air dr kotoran kandang; ~ *kapur* larutan akueus kalsium hidroksida; ~ *kecil* = ~ *kemih* air kencing; ~ *kelonyor* = ~ *kolong* air dakelom; ~ *kosong* air minuman yg tidak dibubuhi apa-apa pun spt teh, kopi, gula dsb; ~ *kumbahan* air basuhan; ~ *lata* = ~ *terjun* air yg jatuh (di lereng gunung dll); ~ *lembut* (Kim) air yg tidak mengandungi garam kalsium dan garam magnesium dan mudah mengeluarkan buih apabila bercampur dgn sabun; ~ *lemoned* sj minuman (biasanya dlm botol); ~ *liat* (Kim) air yg mengandungi garam kalsium dan garam magnesium dan

tidak mudah mengeluarkan buih apabila bercampur dgn sabun; ~ *liat kekal* (Kim) air yg kandungan garamnya tidak hilang apabila dididihkan; ~ *liat sementara* (Kim) air yg kandungan garamnya hilang apabila dididihkan; ~ *limun* Id air lemoned; ~ *liur* air yg keluar di dlm mulut; ~ *mandi* a) air utk mandi; b) sesuatu yg sudah menjadi kebiasaan; ~ *mani* air dan benih yg keluar ketika bersetubuh atau ketika syahwat memuncak; ~ *marga jiwa* = ~ *merta jiwa* = ~ *utama jiwa* = ~ *maulhayat* air yg memberi hidup (dlm cerita dahulukala); ~ *mata* air yg keluar dr mata (apabila menangis dll); ~ *mata air* air yg keluar dr punca air dlm tanah; ~ *mati* a) limbahan di pantai yg airnya tidak mengalir; b) surut timpas; c) air yg sudah dimasak dan sudah sejuk; ~ *mawar* air yg harum baunya (dibuat drpd bunga mawar); ~ *(me)lata* air terjun yg kecil; ~ *mentah* air yg belum ditapis (dibubuhi klorin dsb) hingga layak digunakan oleh manusia; ~ *mineral* air semula jadi yg mengandungi garam galian atau gas terlarut dan berkhasiat sbg air minuman; ~ *minum* air utk diminum; ~ *muka* a) permukaan air; b) rupa muka (yg membayangkan sesuatu perasaan); c) ki maruah, harga diri; ~ *mukjizat* air yg mempunyai sesuatu hikmat atau kelebihan; ~ *paip* air yg telah dirawat bersih dan disalurkan ke rumah-rumah dsb dgn menggunakan paip; ~ *pancur* Kd air paip; ~ *pankreas* cecair yg dikeluarkan oleh pankreas, jus pankreas; ~ *pasang* air naik (paras air laut yg naik); ~ *pasang keling* air pasang besar; ~ *payau* air yg kandungan garamnya lebih rendah drpd air laut, tetapi lebih tinggi drpd air tawar (terutama air di sekitar muara); ~ *penghabluran* (Kim) air yg wujud dlm sebatian berhablur dlm perkadaran tertentu, mis 5 molekul air dlm kuprum(II) sulfat pentahidrat, $\text{CuSO}_4 \cdot 5\text{H}_2\text{O}$; ~ *perak* dakwat perak; ~ *perut* cecair yg dikeluarkan oleh perut; ~ *pokok (tanaman)* cecair

yg terdapat dlm pokok; ~ *raksa* sj logam cair yg rupanya spt timah (digunakan dlm termometer dll), merkuri; ~ *sebak* air bah; ~ *sembahyang* a) air yg boleh digunakan utk bersuci jika hendak bersembahyang; b) keadaan sudah bersuci tubuh utk bersembahyang; ~ *sembilan* air utk memandikan mayat; ~ *seni* bh air kencing; ~ *serani* air permandian (baptis) orang Kristian; ~ *setaman* air yg dibubuhi bunga-bunga (utk menuju bulan dll); ~ *suci* Id (Katolik) air yg sudah disucikan (diberi berkat); ~ *suling* air yg (sudah) disuling (dijadikan wap dan disejukkan kembali); ~ *surut* air turun (lwn air pasang), paras air laut yg turun; ~ *susu* air yg keluar dr susu (tetek) manusia dan haiwan; ~ *talkin* air yg disiram ke atas kubur (orang yg baru sahaja dikebumikan) sebaik sahaja talkin selesai dibacakan; ~ *tanah* air yg terbit dr tanah; ~ *tawar* air biasa (bukan air masin dll); ~ *tepung tawar* air yg telah dimanterai (utk ubat dll); ~ *terjun* air yg jatuh ke bawah (di lereng gunung dll), air lata; ~ *tetuban* = ~ *tuban* air yg keluar mendahului bayi lahir; ~ *timah* lapis timah; ~ *timpas* air surut yg serendah-rendahnya; ~ *tolak bala* air utk menjauhkan penyakit dll; ~ *tulen* air yg bebas drpd bahan terlarut atau terampai; ~ *wangi* air yg berbau harum; ~ *wuduk* air sembahyang; ~ *Yasin* air yg sudah dibacakan surah Yasin; ~ *zamzam* air dr telaga zamzam di Mekah; *berhabis* ~ Id terlalu lama bermesyuarat atau bercakap-cakap; *telah jadi* ~ habis (wang, modal, dll);

~ *beriak tanda tak dalam* prb orang yg sombong (besar cakupannya tetapi tidak berisi atau kurang ilmunya); ~ *besar batu bersibak* prb perselisihan yg besar akan menceraikan orang yg bersahabat atau bersaudara; ~ *cucuran atap jatuhnya ke pelimbahan juga* = ~ *di tulang bumbungan turunnya ke cucuran atap* prb anak itu menurut sifat dan teladan orang tuanya (sesuatu itu menurut

asalnya); ~ *dalam berenang (berkumbah)*, ~ *dengkat bercebok* prb perbelanjaan itu harus dipadankan mengikut banyak sedikitnya pendapatan; ~ *dicincang tiada putus* = ~ *ditetak tiada akan putus* prb kerana perbalahan orang yg sekaum atau bersaudara tiada akan cerai-berai; ~ *diminum rasa duri, nasi dimakan rasa sekam* = ~ *diminum sembiluan* prb dikatakan bkn orang yg dlm kesusahan (dukacita) sehingga tidak sedap makan dan minum; ~ *mata jatuh ke perut* prb berdukacita dgn tiada ketara; ~ *mudik sungai semua teluk diranai* prb orang yg boros tiada memilih barang, mana yg melintas dibelinya; ~ *pun ada pasang surut* prb untung malang tiada tetap, selalu berganti-ganti; ~ *sama ~, sampah ke tepi jua* prb jika kita mencampuri pergaduhan orang yg bersanak saudara, apabila mereka berbaik balik, kita juga yg tersisih dr mereka; ~ *setitik dilautkan, tanah sekepal digunungkan* prb membesar-besarkan perkara yg kecil; ~ *tenang jangan disangka tiada buaya* prb orang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut; ~ *tenang menghanyutkan* prb orang yg pendiam dapat melakukan pekerjaan yg payah-payah; ~ *yg dingin juga yg dapat memadam api* prb kata yg lemah lembut juga yg dapat mendinginkan hati orang yg sedang marah (dapat menghilangkan dendam); *ada ~ adalah ikan* prb barang di mana kita tinggal ada juga rezeki (setiap negeri ada adat resamnya sendiri); *adakah dr telaga yg jernih mengalir ~ yg keruh* prb adakah di mulut orang baik-baik keluar perkataan yg keji; *bagai ~ di daun keladi* prb a) tiada lekat pengajaran; b) tiada tetap hatinya (pendiriannya); *bagai ~ titik ke batu* prb amat sukar hendak memasukkan pengajaran yg baik kpd orang jahat dan degil; *bagai membendarkan ~ ke bukit* prb pekerjaan yg sia-sia; *bagai menampung ~ dgn limas pesuk* prb pengajaran yg lekas sekali dilupakan (orang yg dipercayai menyimpan wang tetapi

memboroskan wang itu); *bagai minum ~ bercacing* prb hal orang yg enggan disuruh mengerjakan sesuatu pekerjaan; *bakarliah ~ ambil abunya* prb benda yg mustahil boleh diperoleh; *bermain ~ basah, bermain api letup* prb setiap pekerjaan ada akibatnya; *buang ~ keruh, ambil ~ jernih* prb memulai penghidupan baru; *bukan ~ muara yg ditimba, sudah disauk dr hulunya* prb bukan khabar angin, tetapi didapati dr pangkalnya (sumbernya) yg benar; *dimandikan dgn ~ segeluk* prb diberi pertolongan yg tiada bererti; *menepuk ~ di dulang* prb menceritakan aib sendiri atau aib kaum keluarga; *mengadu ~ dgn garam* prb kasih yg sia-sia (tidak sempurna); *merajukkan ~ di ruang (hendak karam ditimba juga)* prb marah yg tiada sampai, apabila perlu ditolong juga; *sekali ~ bah, sekali pasir berubah, sekali ~ gedang (besar), sekali tepian beranjak* prb lain kepala (ketua) lain kemahuannya; *selama ~ hilir, selama gagak hitam* prb tetap selama-lamanya; *spt ~ dlm kolam (terenang)* prb dikatakan kpd orang yg tenang sikap dan tingkah lakunya; *tak ~ hujan ditampung, tak ~ peluh diurut, tak ~ talang dipancung* prb segala daya upaya dilakukan asal maksud tercapai; *terbit ~ kerana dipercik, terbit minyak kerana dikempa* prb mahu melakukan sesuatu kerana dipaksa; *terseberang pd ~ besar* prb terpelihara drpd bahaya besar; *umpama ~ digenggam tak tiris* prb perihal orang yg kikir;

berair 1. mengandungi air (bkn kolam, sungai, buah-buahan, dll);

2. mengeluarkan air atau cecair;

mengair 1. menjadi air; 2. menjadi spt air (rata, jernih);

mengairi 1. memberi (menyalurkan, membekalkan) air ke (sawah dll), menggenangi (sawah dll); ~ *sawah orang* prb menguntungkan orang lain; 2. bp memberi minum;

keairan 1. basah, tergenang (digenangi) air; **2.** bocor (dimasuki air); **3.** sl kena luka;

perairan 1. laut yg termasuk dlm (diiktiraf sbg sebahagian drpd) kawasan atau wilayah sesebuah negara: *kapal penyeludup itu tertangkap di ~ Malaysia*; **2.** Id urusan mengenai persediaan air;

pengairan perihal (usaha dsb) mengairi (kawasan pertanian);

sepengairan yg mendapat air dr satu sungai: *kawasan atau daerah ~*.

air II; ~ *anjing* sj tumbuhan (pokok), menserah putih, *Homalium caryophyllaceum*.

ais air yg dibekukan, air batu; ~ *kering* sj bahan pendingin makanan yg dibuat dgn menyejatkan karbon dioksida cecair dgn cepat.

aisberg (Geog) bongkah ais yg sangat besar yg hanyut terapung-apung di dlm laut.

aising campuran gula dgn mentega serta putih telur dll, yg digunakan utk menghiasi atau menyalut kuih (utk menyedapkan lagi rasanya);

beraising dibubuhi aising, bersalut dgn aising;

mengaising membubuh (menyalut, menghias, dsb dgn) aising (pd kek dsb);

pengaisingan perihal mengaising (kek dsb).

aiskrim sj penganan manis yg sejuk (dibuat drpd campuran berbagai-bagai bahan dan dibekukan).

aiwan (Parsi) sl balai tempat menghadap.

aiya bp kata utk menyatakan rasa tidak setuju, keberatan, dsb.

aja I bp kep sahaja: *dia gila joget ~*.

aja II sebutan bagi puteri bangsawan (Deli).

ajab Ar sl hairan.

ajahan; *ikan* ~ sj ikan; → **jahan**.

ajaib 1. sangat menghairankan, aneh, ganjil, pelik (luar biasa atau jarang terdapat dsb): *suatu kejadian yg sungguh ~; barang-barang ~*; **2.** sl sesuatu yg menghairankan, sesuatu yg aneh (luar biasa); *~-khanah muzium*;

mengajaibkan 1. menimbulkan rasa hairan, menghairankan, menakjubkan: *kejadian itu sungguh ~*; **2.** menganggap (memandang sbg) ajaib: *tak guna ~ kuasa Tuhan*;

keajaiban 1. sifat (keadaan dsb) ajaib, keganjilan, keanehan, keluarbiasaan; **2.** sesuatu yg ajaib (menakjubkan), kejadian dll yg pelik (aneh dsb), keanehan, keganjilan: *saya menyaksikan bermacam-macam ~ yg belum pernah saya lihat*.

ajak I; mengajak 1. menjemput (mempelawa dsb) seseorang dll supaya turut pergi atau datang ke sesuatu tempat (menghadiri sesuatu dsb) atau turut melakukan sesuatu, menjemput, menyarankan kpd (utk berbuat sesuatu), menganjurkan, menjemput (makan dsb): *Malaysia telah ~ Filipina berunding mengenai Sabah; ia ~ isterinya berpindah ke Brunei; Hasnah ~ saya ke majlis hari jadinya; dia ~ kami makan*; **2.** membangkitkan hati (utk melakukan sesuatu), mencabar (utk): *~ berdebat; ~ bertumbuk*;

ajakan pelawaan atau jemputan utk turut serta melakukan sesuatu (pergi atau datang ke sesuatu tempat dll), saranan, pelawaan (baik berupa jemputan atau cabaran);

pengajak orang yg mengajak, pendorong, perangsang.

ajak II Mn sama dgn, seakan-akan, seperti;

mengajakkan 1. menyifatkan (memandang) spt; **2.** menunjukkan (menggayakan) cara membuat atau melakukan sesuatu.

ajal batas hidup yg telah ditentukan oleh Tuhan, saat atau ketika mati, janji (akan mati): *sebelum ~ berpantang mati; sudah sampai ~nya*

sudah sampai ketikanya ia mati; *menemui* ~ mati; *menghadapi* ~
menghadapi saat-saat akan mati.

Ajam Ar sl orang Islam yg bukan bangsa Arab, mis orang Islam di Iran,
Turki.

Ajami Ar sl berkaitan dgn Ajam.

ajan Mn; **mengajan**; ~ *anak* meneran kuat-kuat supaya anak lahir; *tuah
diajan tahu yg keluar* prb kalau kemuliaan terlalu dicari-cari, nama
buruk yg diperoleh; → **ejan I, rejan I.**

ajar; *tunjuk* ~ petunjuk supaya diketahui (diikut dll) sbg bimbingan atau
panduan utk melakukan sesuatu: *itulah hasil drpdunjuk ~ cikgu
dahulu*;

berajar (telah) diajar (dididik) dgn budi bahasa (cara-cara
kesopanan dsb), berpendidikan, beradat: *budak-budak itu tidak ~*;

belajar berusaha utk memperoleh ilmu pengetahuan (sesuatu
kepandaian dll), menuntut ilmu pengetahuan dll, menjalani latihan,
dsb: ~ *bahasa Inggeris*; ~ *cara-cara berniaga*; ~ *bertukang*;

mengajar 1. menyampaikan ilmu pengetahuan (kemahiran dsb)
kpd orang lain, mendidik, melatih, memberikan petunjuk-petunjuk
kpd: ~ *orang menggunakan senjata*; **2.** memperbaiki kelakuan dgn

memberi nasihat dsb, mendidik: *ia ~ anaknya supaya jangan
nakal*; **3.** membuat seseorang melakukan atau tidak melakukan

sesuatu berdasarkan pengalaman dsb yg telah diperolehnya: *musim
kemarau ini akan ~ kita supaya tidak menggunakan air dgn
membazir*; *kesulitan hidup ~ orang lebih berusaha*; **4.** memarahi

(memukul seseorang) supaya jera (tidak melakukan lagi sesuatu);
*itik diajar berenang = tak usahlah diajar anak buaya berenang, ia
sudah pandai* prb mengajar orang yg lebih banyak pengalaman;

mengajari mengajar seseorang (sesuatu ilmu pengetahuan,
kemahiran, dsb), melatih (seseorang): *anak-anak yg masih kecil*

janganlah diajari bersolek; guru yg ~ murid-murid darjah 5 ilmu alam dan sejarah;

mengajarkan mengajar sesuatu (kpd seseorang dll), memberi sesuatu pelajaran (ilmu pengetahuan, kemahiran, dsb): *siapa ~ hitungan yg sesulit ini; ia ~ cara-cara mengendalikan mesin tersebut kpd pekerja-pekerja baru; guru yg ~ sesuatu mata pelajaran;*

ajaran 1. segala sesuatu yg diajarkan, nasihat, petunjuk: *mempercayai keramat adalah bertentangan dgn ~ agama; tidak melupakan ~ guru; ~ sesat ajaran yg terpesong drpd akidah atau syariat agama Islam; 2.* teori, mazhab: *~ Darwin; ~ Imam Shafie; 3.* hukuman (pukulan dll) utk menjerakan: *sudah beberapa kali ia diberi ~ oleh pemuda-pemuda sekampungnya;*

pengajaran 1. perihal mengajar, segala sesuatu yg berkaitan dgn mengajar (spt cara atau sistem mengajar, aspek yg dipentingkan, dll): *~ bahasa Malaysia di sekolah-sekolah masih menghadapi beberapa kesulitan; 2.* segala sesuatu (cara, perbuatan, dll) yg diajarkan, ajaran: *diperbuatlah oleh gergasi kedua seperti ~ Pak Pandir; 3.* peringatan, pedoman: *pengalaman ini akan menjadi ~ bagi saya; supaya mereka dapat mengambil ~ drpd tanda-tanda kebesaran-Nya;*

pelajaran 1. segala sesuatu yg dipelajari atau diajarkan, ilmu pengetahuan (yg diperoleh): *mereka diseru supaya menggunakan ~ yg ada pd mereka utk faedah masyarakat; 2.* proses (usaha, kegiatan) belajar atau mencari ilmu pengetahuan, pengajian, penuntutan (ilmu pengetahuan): *beberapa orang pelajar dr sekolah tersebut akan melanjutkan ~ mereka di luar negeri; 3.* yg berkaitan dgn pengajaran ilmu pengetahuan: *masalah ~;*

~ *dewasa* pelajaran bagi orang dewasa (yg tidak bersekolah sebelumnya); ~ *percuma* pelajaran yg tidak dikenakan bayaran (kpd pelajar); ~ *sekular* pelajaran yg berkaitan dgn ilmu pengetahuan keduniaan (tidak berkaitan erat dgn bidang keagamaan atau kerohanian), pendidikan duniawi: *perkembangan sistem ~ sekular menyebabkan berlakunya proses sosialisasi*;

berpelajaran mempunyai pelajaran, berpendidikan: *ceramah itu bukanlah bagi orang ~ sahaja, tetapi terbuka juga kpd para peminat*;

pembelajaran proses (kegiatan) belajar;

pengajar 1. ajaran: *tidak mendapat petunjuk dan ~*; **2.** orang yg mengajar (spt guru, pensyarah, dsb): *pd masa ini, sangat kekurangan tenaga ~*;

pelajar orang yg belajar (spt murid sekolah, penuntut di maktab, dsb), orang yg mengaji (menyelidiki ilmu): ~ *sekolah menengah*; ~ *universiti*;

mempelajari belajar utk mengetahui sesuatu dgn mendalam: *kami telah ~ cara-cara pemberitaan akhbar itu*; ~ *ilmu sains*;

terpelajar telah mendapat pelajaran, berpendidikan (tinggi), berpendidikan (tinggi); *kaum (golongan) ~ orang cerdik pandai*;

pemelajaran proses mempelajari: *taraf penguasaan bahasa Inggeris begitu tinggi tetapi ~nya terhad kpd mereka yg menghadiri sekolah aliran Inggeris*.

ajar-ajar sl pertapa, pendeta.

aje bp sahaja: *fikirnya, dia ~ yg betul*; *kau ~ yg pergi*.

ajeh (Rompin, Endau) saya, aku.

ajek (ajék) Mn wajik.

ajeng Jw gelaran bagi puteri bangsawan yg belum berkahwin.

ajengan (Sunda) ark orang terkemuka (terutama guru agama Islam), kiai.

aji I Jw sl raja, ratu: *sang ~*; *kakang ~* panggilan permaisuri kpd raja; *~ mahkota* raja yg merdeka.

aji II Jw harga, nilai.

aji III Jw hikmat, mantera (yg menyebabkan sakit dll).

aji IV Tr, Kl permainan dam: *lepas main ~*, *kamu kena beli keropok lekor*.

aji-aji sj ikan laut, *Seriolina nigrafasciata*.

ajir Ar orang upahan, buruh.

ajnabi Ar lelaki (bukan saudara dekat) yg sah dikahwinkan dgn seseorang perempuan.

ajnas Ar (jamak bagi jenis) macam-macam.

ajrih Jw hormat, (rasa) segan: *kota kecil itu dipandang dgn penuh ~*.

aju; mengajukan 1. mengemukakan (usul, permintaan, sanggahan, dll), memajukan: *dia ~ pertanyaan itu dgn kata-kata yg manis*; **2.** membawa ke hadapan (pasukan dll), memajukan: *~ pasukan cadangan*;

ajuan sesuatu yg diajukan, anjuran, syor, usul, cadangan;

pengajuan perihal (perbuatan) mengajukan: *ini hanya mungkin diterima dgn baik melalui ~ istilah yg betul dan tepat*; → □ **maju**.

ajuk I; mengajuk memperolok-olok atau mengejek (dgn meniru cakap atau tingkah laku seseorang): *ia menjerit-jerit menurut caranya sendiri yg tidak dapat diajuk orang*; *tidak baik ~ orang tempang berjalan*;

ajukan perihal mengajuk, ejekan.

ajuk II; mengajuk 1. menduga (dalamnya laut dll): *dalam laut boleh diajuk, dalam hati siapa tahu*; **2.** menguji utk mengetahui isi hati (perasaan, fikiran): *dlm mengkaji inilah terkeluar kata-kata ~, duga-menduga*;

ajukan dugaan, ujian, terkaan;

keajukan diketahui dalam (isi hati, perasaan); *dalam sudah ~, dangkal sudah keseberangan* prb telah diketahui benar isi hatinya.

ajun I = terajun menyimpang (dr sasaran), sipi, terlambat (dr jadual dsb): *pekerjaan mereka sangat ~.*

ajun II Mn; mengajun bercadang, bermaksud;

belum diajun telah bertarung prb belum dimulai sudah mendapat rintangan; *muda diajun, kikir diperbuat* prb disebut bkn orang yg mahu bersuka-suka, tetapi tidak mahu merugi utk bersuka-suka itu.

ajung I jong, perahu Cina;

bak ~ berat sebelah prb dikatakan terhadap pertimbangan atau keputusan yg tidak adil; *dr ~ turun ke sampan* prb mundur dlm kedudukan.

ajung II IB pembantu: *~ inspektor.*

ajutan pegawai tentera yg menolong panglima atau ketua angkatan tentera dlm urusan-urusan pentadbiran.

a/k kep anak kpd: *Ive ~ Rini.*

ak kep anak: *Abon ~ Jatim.*

akad Ar janji, perjanjian; *~ jual beli* perjanjian jual beli;

berakad mengikat perjanjian.

akademi 1. sekolah tinggi (pusat pengajian) yg mengajarkan sesuatu pengetahuan (keahlian dsb); **2.** persatuan atau yayasan (utk memajukan ilmu pengetahuan, kesusasteraan, dll).

akademia (akadémia) dunia atau kehidupan akademik: *malanglah andainya para ilmuan kita sampai kehilangan khalayak kerana terlalu asyik menyendiri di dunia ~ menara gading mereka.*

akademik (akadémik) **1.** mengenai atau berkaitan dgn akademi (pusat pengajian tinggi); **2.** bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan (yg tinggi atau mendalam): *anak muda itu memulakan penganalisan yg ~.*

akademikus (akadémikus) IB orang yg berpendidikan dr pusat pengajian tinggi (lelasan universiti dsb).

akademis (akadémis) IB akademik: *soal-soal ~; perbincangan ~*.

akad nikah perjanjian dlm perkahwinan;

mengakadnikahkan mengijabkabulkan, menikahkan: *puteri itu telah diakadnikahkan baginda dgn anakanda baginda*.

akah (Pattani) sj penyu.

akaid Ar (jamak bagi akidah) rukun agama yg menjadi asas kpd keimanan yg diyakini; *ilmu ~ pengetahuan tentang ajaran (kepercayaan)*.

akak bp kakak: *tentu ~ sudah cukup mengkaji buruk baiknya*.

akal 1. budi, fikiran: *ceritanya termakan oleh ~*; **2.** daya upaya, ikhtiar; *menjalankan bermacam-macam ~ menjalankan bermacam-macam ikhtiar*; **3.** muslihat, tipu daya: *itu ~nya sahaja*;

~ budi fikiran yg sihat; ~ bulus = ~ kancil = ~ ubi tipu muslihat yg licin; ~ dua jengkal berasa diri sama dgn orang lain; ~ geladak tipu muslihat yg jahat; ~ melintas fikiran yg mendatang; ~ sari sl satu hari nanti; ~ sejengkal berasa diri lebih drpd orang lain; ~ tiga jengkal berasa diri kurang drpd orang lain;

~ akar berpulas tak patah prb orang yg pintar tidak mudah kalah dlm bersoal jawab; ~ tak sekali datang, runding tak sekali tiba prb tidak ada usaha yg serta-merta jadi sempurna; ilmu dan ~ dihalai-balaikan itulah tanda orang yg lalai prb janganlah lengah menyelidiki ilmu-ilmu dan menambah pengetahuan; lubuk ~ tepian ilmu prb dikatakan kpd orang yg pandai;

akal-akal pura-pura, dibuat-buat: *dia tu demam ~ sahaja, dia tidak hendak pergi ke sekolah*;

seakal; *~akal = ~ budi = sebudi ~ sekuat-kuatnya, dgn segenap tenaga dan fikiran*;

berakal mempunyai akal (fikiran), cerdas (dapat berfikir), pandai mencari akal (ikhtiar): *manusia ialah makhluk yg ~;*

mengakali **1.** mencari akal (ikhtiar) utk melakukan sesuatu: *diakalnya agar dapat mengahwini puteri itu;* **2.** menipu, memperdaya: *tidak baik ~ cikgu;*

mengakalkan mencarikan ikhtiar (daya upaya);

terakalkan dapat difikirkan oleh akal: *apakah yg diliputi dan yg ~?*

akan **1.** bagi, buat, pada, untuk: *beli buku ~ daku;* **2.** utk menyatakan sesuatu kemungkinan (hendak terjadi sesuatu), utk menyatakan jangkaan tentang sesuatu (kejadian, perlakuan, perkembangan, dll), dijangkakan: *Perdana Menteri ~ tiba pd pukul 10.00 pagi; penyakit itu ~ merebak jika penduduk-penduduk di daerah itu tidak disuntik segera; hari ~ hujan;* **3.** kata sendi yg menghubungkan kata kerja tak transitif dgn frasa nama (kadang-kadang dipendekkan menjadi *kan*): *lupa ~ orang tua; tidak sedar ~ dirinya;* **4.** adapun, perihal, mengenai, tentang: *~ sekarang anak kita pun sudah besarlah; ~ harta peninggalan ayahnya itu ...;*

akan-akan mirip benar, hampir ada persamaan (pd rupa, sifat, dll): *wajahnya ~ wajah arwah datuk saya; barangkali dia bukan anak raja, tidak ada ~ langsung dgn Seri Negeri;*

seakan-akan sama benar, seolah-olah, seperti: *pemilihan pengerusi itu ~ pemilihan presiden suatu negara;*

mengakan ark bermaksud (hendak), mengarah: *~ utk mencapai sesuatu tujuan;*

mengakankan ark memisalkan, mengumpamakan;

keakanan waktu yg akan datang.

akang kakang, abang, kakak.

akantus sj tumbuhan herba atau renek drpd genus *Acanthus* yg banyak dijadikan tanaman hiasan, daunnya besar berduri dan bunganya berwarna putih atau keungu-unguan.

akapnia (Ubat) kekurangan karbon dioksida di dlm darah atau tisu badan.

akar I 1. bahagian tumbuh-tumbuhan yg lazimnya tumbuh ke dlm tanah; jenis-jenis akar: ~ *bergugus*, ~ *bongsu*, ~ *luar biasa*, ~ *menengah*, ~ *serabut*, ~ *sulung*, ~ *tunjang*; **2.** asal usul, asal keturunan: *saya sedar akan ~ diri saya sbg seorang Filipina*; **3.** Id = ~ *kata* inti kata yg menjadi pangkal erti beberapa kata: *kata majmuk terdiri drpd dua atau lebih ~ kata*; **4.** Id = ~ *bilangan* bilangan yg diperoleh drpd huraian bilangan lain dgn kuasa tertentu; mis $\sqrt{4} = 2$; $\sqrt[3]{125} = 5$; $\sqrt[5]{243} = 3$;
~ *banir* akar yg tumbuh (terdapat) di atas permukaan tanah (spt akar pokok bakau); ~ *gantung* akar yg bergantung (spt akar pokok beringin); ~ *jangkang* akar yg menyokong jenis-jenis pokok (spt pokok bakau) yg tumbuh di kawasan berpaya; ~ *larat* akar yg tampak di atas tanah (spt akar pokok bakau); ~ *rambut* bahagian yg halus-halus pd akar atau hujung akar; ~ *serabut* akar yg berambu-rambu atau bercabang kecil-kecil (spt akar pokok buluh); ~ *sokong* akar yg tumbuh pd buku yg hampir dgn tanah atau yg tumbuh pd dahan, dan fungsinya menyokong pokok (spt akar pokok ara); ~ *tunjang* akar pd pokok-pokok tertentu yg tumbuh lurus ke bawah ke dlm tanah (utk menegapkan pokok dll); ~ *udara* akar yg tumbuh di atas permukaan tanah atau yg terdedah di udara (spt akar anggerik); ~ *umbi* a) akar tunjang; b) keseluruhan asas (sesuatu) yg kukuh: *saya membezakan antara landasan dgn warisan atau ~ umbi kebudayaan Melayu; membongkar dan mencabut keburukan*

dgn ~ umbinya sekali; c) golongan biasa atau bawahan yg merupakan teras kpd sesebuah gerakan atau pertubuhan politik; ~ terjumbai tempat siamang berpegang (bergantung) prb drpd perkataannya dapat diketahui kesalahan seseorang; bergantung pd ~ lapuk prb mengharapkan pertolongan pd orang yg lemah; jikalau sephohon kayu banyak ~nya lagi teguh, apakah ditakutkan ribut prb orang yg banyak berjasa tidak perlu takut akan orang lain; kalau pandai mencencang ~ mati lalu ke pucuknya prb kalau pandai, dgn satu tindakan sahaja dapat mengalahkan semua orang lain; tiada rotan ~ pun berguna prb sementara belum ada yg lebih baik bolehlah dipakai yg ada dahulu;

berakar 1. mempunyai akar, (sudah) tumbuh akarnya: *benih itu sudah ~; 2. = berurat ~ = ~ umbi telah mendalam benar, sudah berpegang teguh-teguh, sukar hilang (luput): pendapat yg demikian sudah ~ dlm dirinya; 3. = berurat ~ sudah beranak cucu (menetap dll): ia sudah ~ di Singapura; 4. = ~ umbi bertapak atau berasas kpd (sesuatu) dan seterusnya menjadi kukuh dan berkembang: teori beliau mengatakan bahawa sastera Melayu adalah ~ pd tradisi peribumi;*

berakarkan mempunyai sesuatu sbg akar atau asal usul, bertunjangkan, berteraskan: *baginya amalan yg ~ animisme itu perlu dikikis;*

mengakar (menjadi) mendalam atau teguh (bkn pendirian, pegangan, dll): *kecenderungan ini semakin ~ dlm masyarakat.*

akar II; ~ *asam riang* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar iangiang, akar kerayung, *Vitis hastata*; ~ *gasing putih* sj tumbuhan (pokok memanjat), *gasing-gasing*, *Pericampylus glaucus (incanus)*; ~ *sekontut* sj tumbuhan (pokok memanjat), daun kentut-kentut, kesimbukan, *Paederia foetida*.

Akar III → Agar II.

akar Ar tanah yg dimiliki.

akas I pantas, cekatan, pandai, tangkas: ~ *bernyanyi*; ~ *menari*.

akas II (Sanskrit) → **angkasa**.

akas III Ar kebalikan, lawannya; *balik* ~ a) terbalik; b) Kd hidup kembali.

akasa → **angkasa**.

akasia sj pokok renek yg mempunyai bunga kecil berwarna kuning atau putih, biasanya terdapat di negara beriklim panas.

akaun 1. rakaman berupa catatan atau keterangan ringkas mengenai urusan yg melibatkan pembayaran (penerimaan dsb) wang, rakaman perbelanjaan (penerimaan dsb) wang pd ruang debit dan kredit buku kira-kira; **2.** penyata (keterangan ringkas) mengenai hasil segala urusan (syarikat perniagaan dll) yg melibatkan pembayaran atau penerimaan wang; **3.** simpanan wang di bank dan rakaman yg berkaitan dengannya;

~ *bank* akaun yg dibuka oleh individu atau institusi bagi tujuan urus niaga kewangan yg menggunakan perkhidmatan sesebuah bank; ~ *beku* akaun yg urus niaganya dihentikan berikutan perintah mahkamah atau kematian pemegang akaun yg berkenaan; ~ *bersama* akaun bank utk sekurang-kurangnya dua penama dgn masing-masing berhak mengeluarkan simpanan drpd akaun itu; ~ *lapuk* akaun pinjaman yg tidak dibayar dan kemungkinan utk mendapatkan kembali bayarannya amat tipis sehingga akaun pinjaman tersebut terpaksa dihapus kira; ~ *luput* akaun yg tempoh matangnya telah tamat atau berlalu; ~ *pendapatan dan perbelanjaan* akaun yg meringkaskan semua hasil dan perbelanjaan sesebuah organisasi bukan perniagaan utk satu tempoh perakaunan; ~ *penerima sahaja* arahan pd cek supaya cek

itu hanya boleh dimasukkan ke dlm akaun penerima, tidak boleh dipindahkan atau dibuat pembayaran atas penama lain, dan tidak boleh ditunaikan; ~ *semasa* akaun (simpanan) yg tidak diberi faedah dan dapat dikeluarkan dgn cek; ~ *simpanan* akaun yg dibuka di bank perdagangan atau institusi kewangan yg wang simpanannya diberi faedah dan boleh dikeluarkan pd bila-bila masa sahaja; ~ *T* akaun yg mempunyai ciri-ciri lebar berbentuk T dgn debit pd ruang kiri dan kredit pada ruang kanan; ~ *untung rugi* akaun yg menunjukkan untung kasar dan belanja kendalian utk pengiraan untung bersih bagi satu tempoh perakaunan;

perakaunan yg berkaitan dgn akaun: *prinsip-prinsip* ~; *prosedur* ~.

akauntabiliti keadaan apabila seseorang perlu menjelaskan sesuatu perkara yg dipertanggungjawabkan kepadanya, kebertanggungjawaban: *mereka yg mempunyai kepakaran perlu diberi kebebasan mengkritik keputusan mahkamah utk memastikan ~ institusi kehakiman.*

akauntan orang yg mengurus dan mengawasi penyediaan (penyimpanan dll) kira-kira kewangan (sesebuah syarikat perniagaan, organisasi, dll) dan bertanggungjawab menyediakan laporan mengenai kedudukan kewangan tersebut dr semasa ke semasa;

~ *awam* a) akauntan yg memberikan perkhidmatan profesional kpd orang awam; b) akauntan yg menjadi ahli sesebuah badan atau institut akauntan awam; ~ *berkanun* akauntan terlatih yg menjadi ahli persatuan akauntan profesional bertauliah; ~ *kos* akauntan yg mengendalikan dan menyimpan segala rekod yg berkaitan dgn kos dan perbelanjaan sesuatu perniagaan.

akbar Ar maha besar, terbesar; *Allahu*~ Allah yg Maha Besar.

aken (akén) (Bio) buah kering yg tidak pecah semasa matang, berbiji tunggal dan mempunyai kulit biji yg boleh tercerai drpd perikarpnya, mis buah bunga matahari, salad dan strawberi.

akhbar 1. Ar (jamak bagi khabar) berita, warta; **2.** surat khabar, harian; ~ *tempatan* surat khabar yg diterbitkan di dlm negeri atau wilayah tempat ia diedarkan.

akhdar Ar hijau.

akhiar Ar lebih baik.

akhir 1. kemudian sekali, penghabisan: *perkataan itu terdapat pd baris ~ halaman itu; ikhtiarnya yg ~; peringkat ~ pelaksanaan projek; ~ minggu* hujung minggu (hari Sabtu petang sampai hari Ahad); ~ *musim* penghujung musim; ~ *zaman* a) sl zaman sekarang ini; b) penghabisan; **2.** = ~ *sekali* = **terakhir** paling kemudian, terkemudian (sekali): *itulah kali ~ saya bertemu dengannya; 3.* yg diadakan terkemudian sekali (sbg penamat): *pertandingan ~;*

akhirnya 1. = ~ *kelak* = **akhir-akhirnya** kesudahannya; **2.** yg belakang sekali, belakang, kemudian (lwn awal): *dia merenungi pusaran hidupnya yg sukar dicari titik awal dan ~; pd akhir-akhirnya ini* kebelakangan ini; ~ *kelaknya* sl akhir-akhirnya;

akhir-akhir kebelakangan; ~ *ini* pd waktu kebelakangan ini;

berakhir 1. habis, selesai, tamat, habis tempohnya: *mesyuarat telah ~; 2.* = ~ *dgn* = **berakhirkan** berkesudahan dgn: *pesta itu ~ dgn perkelahian;*

mengakhiri menghabisi, menyudahi, menamatkan: *dia ~ pidatonya dgn ucapan, "Merdeka!"; Mak Cik Sinah ~ sembahyang maghribnya dgn doa yg panjang;*

mengakhirkan 1. menempatkan (menaruh) di belakang, mengemudiankan: *dia ~ adiknya; 2.* mengundurkan (waktu dll): ~ *jam;*

terakhir paling akhir, di belakang sekali, kemudian sekali:
barangkali ini nasihat ~ sebelum ia meninggal;

akhiran penambahan atau imbuhan pd akhir sesuatu perkataan
(mis *an, i, kan* pd perkataan spt *tumbuhan, mengasihi, mendalamkan*, dll);

berakhiran mempunyai akhiran;

keakhiran kesudahan, penghabisan: *ia sudah berada di titik ~ hidupnya;*

keterakhiran perihal paling kemudian atau terkemudian:
keterdahuluan dan ~ adanya alam;

pengakhiran perihal mengakhiri atau mengakhirkan, penyudahan:
~ mesyuarat;

pengakhir sesuatu yg mengakhiri (menamatkan), penamat: *tetapi anda di Amerika Syarikat berpendapat yg ini ~ kerja.*

akhirat Ar alam tempat kita berada sesudah kita mati, alam yg kekal (sesudah hari kiamat), alam yg baqa; *dunia ~ a) dunia dan akhirat; b) (utk) selama-lamanya: minta maaf dunia ~;*

keakhiratan segala sesuatu yg berkaitan dgn akhirat.

akhirulkalam Ar sbg penutup, akhirnya (biasanya dipakai sbg penutup surat, huraian, dll).

akhlak Ar (jamak bagi khuluk) budi pekerti, kelakuan, tabiat: *anak itu sudah rosak ~nya; ilmu ~ pengetahuan bkn kelakuan (tingkah laku) manusia; pegawai ~ pegawai yg mengawasi anak-anak yg telah melakukan kejahatan tetapi tidak dipenjarakan;*

berakhlak mempunyai akhlak: *kehidupan ~.*

akhtaj Ar sl (orang yg) takluk.

akhwan Ar sl saudara-saudara; **ikhwan.**

aki I datuk, nenek: *tok ~;*

aki-aki orang laki-laki yg sudah tua.

aki II IB alat penghimpun elektrik (dipakai pd enjin motokar dll), bateri.

akibat 1. kesan buruk drpd sesuatu peristiwa (perbuatan dll), kesudahan (yg tidak baik), padah: *rakyat yg terpaksa menanggung pelbagai ~ peperangan; rumah tangga yg porak-peranda ialah antara ~ yg disebabkan oleh perjudian dan minuman keras; 2.* disebabkan (didatangkan dsb) oleh, (sbg) kesudahan dr: *kepalanya pening ~ minum arak; kerosakan besar harta benda ~ banjir;*

akibatnya akhirnya, hasilnya, kesudahannya: *apakah ~ kalau kau terus berkelakuan begini?*

berakibat 1. berakhir dgn, berkesudahan: *perkelahian itu ~ dgn kematian; 2.* berpunca: *suatu perbuatan yg ~ drpd yg lain;*

mengakibatkan mendatangkan akibat, menyebabkan terdapatnya atau berlakunya sesuatu peristiwa dll (yg buruk): *serangan-serangan pegganas ~ beberapa anggota tentera keselamatan terbunuh; persengketaan yg mungkin ~ peperangan.*

akidah Ar rukun agama yg menjadi asas kpd keimanan yg diyakini.

akik I = batu ~ sj batu berwarna yg biasanya dijadikan permata cincin; ~ *disangka batu prb terhina orang kerana salah sangka.*

akik II perkakas tenun.

akikah Ar penyembelihan binatang ternakan (lembu, kambing) yg dilakukan selepas kelahiran bayi (lebih afdal pd hari ketujuh) sbg tanda kesyukuran kpd Allah;

berakikah; *hari* ~ hari ketika mengadakan akikah;

mengakikahkan; ~ *anak* mengadakan akikah utk anak.

akil Ar berakal, cerdas, pandai; ~ *baligh* cukup umur, dewasa (berdasarkan pertimbangan agama Islam).

akit I Kl angkat.

akit II = ~ *sulai* sj tumbuhan (pokok), kelat lapis, membatu merah, mengkirai, mensirah, titimah (rengga), *Ilex cymosa*.

aklamasi IB pernyataan menyetujui sesuatu usul dsb dgn bersuara sahaja atau secara lisan (tidak dgn mengundi).

akliah Ar bkn akal fikiran (bukan perasaan): *Mumford masih yakin dgn kemampuan ~ dan kebijaksanaan manusia; sebuah autobiografi yg menerangkan pengalaman-pengalaman Imam al-Ghazali yg terpenting dlm bidang ~ dan rohaniah.*

aklimasi (Bio) penyesuaian (fisiologi dan tingkah laku) sesuatu organisma terhadap perubahan sekitaran.

akmal Ar paling sempurna: *Tuhan yg A~.*

akne (akné) (Ubat) sj penyakit kulit berupa bintik merah atau bengkak-bengkak kecil seakan-akan jerawat yg tumbuh pd muka dan leher, biasanya di kalangan remaja.

akolia (Ubat) ketiadaan (kekurangan) rembesan hempedu.

akoluria (Ubat) ketiadaan pigmen hempedu di dlm air kencing.

akomodasi 1. tempat utk makan dan tidur (dlm perjalanan), penginapan;
2. penyesuaian: *pendekatan yg kerap dibincangkan dlm konteks negara kita ialah asimilasi dan ~;*

mengakomodasikan melakukan penyesuaian supaya sesuatu selaras, secocok dsb dgn sesuatu keadaan (keperluan dsb): *sbg anggota masyarakat minoriti, mereka tidak dapat tidak terdesak utk ~ budaya ibunda dgn budaya tempatan yg lebih menonjol.*

akordion sj alat muzik yg dimainkan dgn menekan-nekan bahagian-bahagiannya yg tertentu (dgn jari).

akrab I lebih dekat, karib: *sahabat yg ~;*

mengakrabkan mempererat, mengaribkan (persahabatan);

keakraban perhubungan atau pertalian yg sangat erat, perhubungan (pertalian) yg akrab atau karib: *mereka masyarakat yg sedang kehilangan ~ dgn kesenian rakyat mereka yg*

tradisional; panggilan itu kedengaran agak lembut dan penuh tanda ~.

akrab II Ar bintang kala (rasi, gugusan bintang).

akreditasi (akreditasi) proses kawalan kualiti secara luaran terhadap kursus pengajian dlm sesebuah institusi pendidikan bagi menjamin dan meningkatkan kualiti: *proses ~ ini mampu membawa perubahan kpd institusi pengajian tinggi di negara ini; Lembaga A~ Negara;*

mengakreditasi memberikan akreditasi kpd sesebuah institusi dsb: *usaha yg rapi sedang dibuat utk ~ beberapa buah IPTS yg sedia ada.*

akrilik 1. bkn bahan, pakaian, atau gebar yg dibuat melalui proses kimia;
2. sj cat yg digunakan oleh pelukis.

akrobat orang yg membuat pertunjukan gerak badan dsb (di sarkas dll) yg memerlukan ketangkasan dan kemahiran (spt membuat lompatan-lompatan yg sukar, berayun di kayu buaian yg tinggi, berjalan di atas tali yg direntangkan, dll).

akrobatik gerakan badan spt yg dapat dilakukan oleh akrobat: *penjaga gol Jordan itu terpaksa melakukan ~ dlm usaha menyelamatkan pintu golnya.*

akrofobia (Psi) perasaan takut yg amat sangat apabila berada di tempat yg tinggi.

akronim kependekan yg terbentuk drpd gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yg boleh diujarkan sbg satu perkataan (mis RISDA, MARA);

mengakronimkan menjadikan bentuk akronim;

pengakroniman perihal atau proses membentuk akronim.

akru; terakru 1. (Eko) terkumpul atau bertambah sedikit demi sedikit (bkn belanja, faedah, aset dsb): *aset ~; faedah ~;* **2.** (Udg) perlu

dijelaskan atau diserahkan kpd empunya hak atau tuntutan: *apa-apa hak, keistimewaan, permit atau lesen seseorang yg ~ kpd orang itu.*

aksam Ar sumpah.

aksara **1.** huruf; **2.** (Komp) huruf, angka, dll yg dapat dilambangkan dgn kod komputer.

aksen (aksén) (Lin) **1.** tekanan suara (bunyi) pd kata atau suku kata; **2.** cara seseorang dr sesebuah daerah (negeri dsb) menyebut kata-kata, loghat, pelat, telor; **3.** tanda diakritik;

mengaksenkan menyebut sesuatu kata atau suku kata dgn menekankan suara: *suku kata yg diaksenkan;*

pengaksenan perihal atau perbuatan mengaksenkan: *~ sesuatu kata atau suku kata.*

aksentologi (akséntologi) kajian secara sistematik tentang tekanan bunyi suara.

aksep (aksép) IB surat pengakuan hutang.

akses (aksés) **1.** (Komp) proses atau cara utk mencapai (memperoleh, menggunakan dsb) sesuatu data, maklumat dsb, capaian: *pengguna akan diberi ~ internet secara automatik; pemohon dipercayai mempunyai ~ kpd rahsia negara;* **2.** peluang utk mendekati seseorang: *ahli sosiologi tidak mudah memperoleh ~ kpd anggota masyarakat kelas atas;*

mengakses mendapat atau memperoleh akses kpd sesuatu (fail komputer, data, maklumat dsb): *sistem itu akan membolehkan pengguna ~ data dgn lebih mudah dan cepat; dgn cara ini dapatlah murid-murid ~ buku dgn menggunakan kad pintar.*

aksesori (aksésori) **1.** bahagian yg merupakan tambahan kpd sesuatu alat dll (bukan sesuatu yg perlu ada padanya): *~ kereta;* **2.** barang yg

melengkapi pakaian seseorang, terutamanya wanita, spt beg tangan, kasut, rantai, dsb.

aksi 1. gerakan (perkumpulan politik dll), gerak langkah: *perkumpulan gelap itu mengatur ~ rahsia melawan kerajaan*; **2.** Id tindakan bersenjata: *~ militer Belanda terhadap Republik Indonesia*; **3.** tingkah laku (dibuat-buat atau tidak), sikap atau gerak-geri, lagak: *ia memukul bantal dgn kedua-dua belah tangannya, satu ~ yg menampakkan kesal*; *~ sbg orang kaya*; *banyak ~ sangat berlagak*, suka berlagak; **4.** elok (pakaian, tingkah laku): *~ benar songkoknya*;

beraksi 1. bertindak, bergerak melakukan sesuatu: *pasukan keselamatan ~ membasmi pengganas-pengganas*; **2.** berlagak, bertingkah laku (yg menunjuk-nunjuk), bergaya: *datangnya lambat, hendak ~ agaknya*; **3.** berpura-pura, buat-buat: *~ sahaja hendak menolong*.

aksiom pernyataan yg diterima umum (tidak dibuktikan tetapi ternyata drpd pengalaman sbg suatu kebenaran) dan menjadi asas bagi sesuatu huraian.

akta 1. undang-undang (yg digubal dan diluluskan oleh parlimen dsb); **2.** surat sijil: *~ guru*; **3.** surat keterangan yg disahkan oleh suatu badan rasmi atau badan pemerintah: *~ notaris*; *~ syarikat undang-undang yg mengawal pembentukan, penubuhan, pengurusan wang, dan pembubaran syarikat*;

mengaktakan menjadikan sbg akta (undang-undang): *perkara itu perlu dikaji dgn teliti sebelum diaktakan*.

aktentas IB beg tempat surat-surat; *importir ~ ki pengimport yg tidak sungguh-sungguh (mencari keuntungan dgn menjual lesen import)*.

aktif 1. giat (bekerja, berusaha), cergas: *ia sedang ~ dlm pergerakan politik*; *ahli-ahli jawatankuasa yg ~*; **2.** (Lin) menunjukkan subjek

ayat melakukan sesuatu terhadap objek; *ayat ~ ayat yg subjeknya melakukan sesuatu terhadap objek (mis ia memukul anjing);*

mengaktifkan membuat (menjadikan) aktif, menggiatkan: *~ kembali parti yg hampir mati;*

keaktifan kegiatan, kecergasan (bertindak, berusaha, dsb): *kerana ~ dan semangatnya, hidup kembali parti kita;*

pengaktifan perihal (perbuatan, usaha, dsb) mengaktifkan.

aktinium (Kim) sj unsur logam berwarna putih perak, bersifat radioaktif.

aktinoterapi (aktinotérapi) (Ubat) perawatan pesakit dgn menggunakan sinaran cahaya.

aktivis orang yg melibatkan diri dlm sesuatu kegiatan atau perjuangan secara aktif dan agresif: *dua puluh tahun bukanlah waktu yg pendek bagi seseorang, apalagi bagi seorang tokoh yg menjadi ~ gerakan kemerdekaan semenjak usia muda.*

aktivisme amalan yg berteraskan tindakan kekerasan utk mencapai tujuan politik.

aktivitet (aktivitét) IB aktiviti.

aktiviti kegiatan: *pegawai daerah ini giat dlm ~ sosial, sukan dan budaya;*

beraktiviti melibatkan diri dlm sesuatu kegiatan.

aktor 1. pelakon lelaki yg membintangi sesuatu filem (televisyen, radio);

2. orang yg berperanan dlm sesuatu kejadian, pelaku.

aktres (aktrés) pelakon wanita yg membintangi sesuatu filem (televisyen, radio).

aktual yg sebenarnya: *bagaimanapun keperluan itu ialah sesuatu yg berpotensi, belum lagi sesuatu yg ~.*

aktuari orang yg pakar memperhitungkan risiko (premium polisi insurans, bayaran dividen, kadar anuiti, dll) utk sesebuah syarikat insurans.

aktuil IB sedang menarik perhatian orang banyak, baru, hangat (berita dll): *pokok perbincangan yg ~*.

aku kata ganti diri pertama (biasa dipakai sewaktu berdoa kpd Tuhan atau di antara orang yg rapat perhubungan mereka, tetapi agak kasar terhadap orang yg perlu dihormati);

beraku memakai kata aku (dlm perbualan dll); ~ *berengkau* memakai kata aku dan engkau;

beraku-akuan **1.** saling memakai kata aku; **2.** saling menerima atau berjanji akan setia sbg (saudara dsb): *mereka bukanlah sbg orang asing lagi, malah ~ saudara di dunia dan di akhirat*;

mengaku **1.** membenarkan sesuatu tuduhan, mengatakan benar (bersalah, keliru, dll): *pencuri itu sudah ~*; **2.** = ~ *dirinya* mengatakan diri (bodoh, kaya, pandai, dll), mendakwa bahawa dirinya (pandai, tidak bersalah dll); **3.** menanggung, menyanggupi: *siapa yg ~ biayanya?* **4.** menganggap (sbg), menerima sbg: ~ *anak*; ~ *bapak*; ~ *hartanya*; **5.** membanggakan (memegahkan) diri: *di mana-mana, ia ~ saja*;

mengakui **1.** mengaku akan (kesalahan dll): *ia ~ segala kesilapannya*; **2.** menganggap sbg sah atau sesungguhnya ada (berlaku dsb), mengiktiraf: *Amerika dan Jepun telah ~ Malaysia*; **3.** menyatakan berhak ke atas: *jangan kamu ~ ini kepunyaan kamu*; **4.** memasuki (bkn syaitan, jin, dll): *sakit diakui jin*;

memperakui mengesahkan: *lantikan tersebut adalah sah dan diperakui oleh undang-undang*;

memperakukan **1.** memberikan sokongan (utk), menyetujui serta menyokong (atau menganjurkan): *dia ~ dua hari cuti*; **2.** mengemukakan (menyarankan dsb) sbg baik (sesuai dsb): ~ *beberapa buah buku utk diterjemahkan*;

teraku diakui: *mazhab Hanafi merupakan salah satu drpd empat mazhab yg ~ dlm agama Islam;*

akuan 1. segala sesuatu yg diakui: *~ ini telah dibuat di hadapan majistret Mahkamah Rendah;* **2.** hantu jamuan (yg menolong pawang); *orang ~ orang yg dilindungi oleh hantu jamuan (pawang yg mujarab ubat atau manteranya);*

keakuan sifat mementingkan atau berasa megah akan diri sendiri: *kerana ~, ia tidak dapat menerima teguran;*

perakuan 1. proses memperakukan sesuatu; **2.** sesuatu yg diperakukan, saranan serta sokongan (utk dipertimbangkan, diterima, dilaksanakan, dsb): *~~~ Kongres itu telah mendapat perhatian kerajaan;*

pengakuan 1. perihal (perbuatan, pernyataan) mengaku atau mengakui: *dia telah membuat ~ bahawa dia telah melakukan kesalahan;* *~ iman perihal mengaku bahawa seseorang itu percaya pd Allah;* *surat ~ hutang surat yg menyatakan bahawa seseorang berhutang;* **2.** pengesahan, pengiktirafan; *mendapat ~ mendapat pengesahan.*

akua (Kim) bkn air atau larutan akueus.

akuafobia perasaan takut yg keterlaluan terhadap air spt laut, sungai dsb.

akuakultur penternakan atau pemeliharaan hidup-hidupan laut (baik haiwan mahupun tumbuhan) utk menjadi makanan manusia: *memberi tumpuan kpd pembangunan ~ spt ternakan kerang (ikan dlm sangkar, udang dlm kolam dan kepah).*

akualung alat bantu pernafasan mudah alih yg digunakan oleh penyelam dsb.

akuamarin 1. sj batu permata yg berwarna hijau kebiru-biruan; **2.** warna hijau kebiru-biruan.

akuan Br, Sr mengaku.

akuanaut orang yg terlatih utk menyelam atau menjelajah di bawah air.

akua regia (Kim) campuran yg sangat mengakis dan terdiri drpd satu isi padu asid nitrik pekat dgn empat isi padu asid hidroklorik pekat.

akuarel (akuarél) sj lukisan (catan) yg dihasilkan dgn cat air yg nipis dan lut sinar.

akuarium **1.** peti kaca tempat memelihara ikan; **2.** bangunan tempat mempamerkan ikan dan binatang-binatang lain yg hidup di dlm air atau berhampiran dgn air (spt kura-kura, ular, dsb).

Akuarius lambang kesebelas dlm zodiak, yg berlambangkan orang sedang menuang air.

akuatik (Bio) bkn sesuatu yg tumbuh atau hidup di dlm atau di atas air:
tumbuhan ~ merupakan tumbuhan yg hidup dan membiak dlm air.

akuatin **1.** teknik atau proses membuat goresan pd plat tembaga dgn menggunakan asid nitrik; **2.** gambar atau cetakan yg dihasilkan dgn teknik (proses) ini.

akueduk (akuéduk) (Kej) **1.** paip besar atau terusan yg menyalurkan bekalan air ke sesuatu tempat (bandar, kawasan perladangan dsb); **2.** binaan spt jambatan panjang yg merintang lembah atau tanah rendah utk menopang paip atau saluran air.

akueduktus (akuéduktus) (Bio) saluran yg menyalurkan bendalir tubuh di dlm sesuatu organ atau struktur tubuh.

akueus (akuéus) (Kim) bkn sesuatu larutan yg pelarutnya air.

akuifer (Geo) bahagian bawah tanah yg terdiri drpd kerikil atau batu berliang yg mengandungi air.

aku janji janji atau pengakuan yg menjadi asas utk melaksanakan sesuatu tindakan (tugas, tanggungjawab, kewajiban dsb): *mulai tahun depan, ~ akan dikuatkuasakan ke atas seluruh kakitangan awam; kementerian mengeluarkan surat ~ sbg syarat kelulusan sebelum guru dibenarkan mengikuti PJJ;*

mengaku janji membuat aku janji: *seseorang yg ~ utk menjalankan kerja pembinaan tanpa didaftarkan sbg kontraktor berdaftar dianggap melakukan kesalahan.*

akuk Mn penyakit ayam (yg menyebabkan ayam meringkuk atau terlentok);

terakuk mengantuk;

terakuk-akuk terangguk-angguk (kerana tidur atau terlalu mengantuk).

akuk-akuk pemetik senapang, picu.

akulturasi penyerapan unsur-unsur kebudayaan drpd suatu budaya kpd budaya lain: *selagi satu kebudayaan bertembung dgn satu kebudayaan yg lain, selagi itulah proses ~ dan asimilasi akan berlaku;*

mengakulturasi menyerapkan unsur-unsur kebudayaan drpd sesuatu budaya kpd budaya lain: *TV berperanan ~ penonton-penontonnya.*

akumen kebolehan memahami, menilai, dan memutuskan sesuatu dgn cepat dan jelas, mis dlm soal perniagaan, kepintaran.

akumulator (Fiz) peranti yg menyimpan elektrik, yg terdiri drpd satu atau lebih sel yg tersusun secara bersiri.

akupunktur suatu kaedah perubatan (yg berasal drpd suatu amalan perubatan di negeri China) utk menyembuhkan penyakit dgn cara mencucuk tempat-tempat tertentu pd kulit dgn hujung jarum: *seorang pesakit sedang menjalani rawatan ~.*

akur I (ber)setuju, menerima (sesuatu kedudukan dsb): *saya tidak ~ engkau kahwin seorang lagi;*

mengakuri menyetujui, menerima: *teorinya diakuri segenap ahli penyelidik; "Keimen Baunka Shidoso" harus menyuguhi dan ~ kehendak-kehendak Jepun;*

mengakurkan **1.** mencocokkan, menyesuaikan; **2.** mendamaikan (orang bertengkar dll);

keakuran persetujuan, persesuaian, kecocokan: *saling mengerti dan ~ diperlukan dlm satu pertubuhan.*

akur II sj tumbuhan (pokok memanjat), akar bunga tanjung, akar perah, jelur kait, *Illigera appendiculata.*

akus (Sanskrit) kusa gajah, besi kuasa (Kd).

akustik **1.** kajian saintifik tentang bunyi; **2.** (Fiz) bkn bunyi atau deria pendengaran.

akut bkn penyakit yg muncul dgn tiba-tiba, teruk keadaannya, dan agak singkat tempohnya: *leukemia ~.*

akwal Ar (jamak bagi kaul) perkataan; *afal dan ~* perbuatan dan perkataan.

al Ar kata penentu (mendahului kata nama) yg bererti *itu* (terdapat pd perkataan spt *almarhum, alkisah, alhasil, albahri* dan *alalam*).

Al simbol kimia bagi aluminium.

a/l kep anak lelaki (kpd): *Maniam ~ Muniandy.*

ala I → □ **alah IV.**

ala II Ar atas, akan, kepada, pada; ~ *kadarnya* menurut kesanggupannya, sekadarnya.

ala III Ar tinggi;

terala sl termulia, tertinggi: *barang lakunya ~ drpd raja-raja yg lain.*

ala IV (Perancis) secara, menurut gaya (yg dilakukan dsb oleh): *ketawanya, cakupnya, dan langkahnya ~ orang Inggeris; teknik menyediakan kepingan kayu yg mengandungi huruf-huruf ini dikenali sbg 'percetakan ~ China'.*

alabangka (Portugis) linggis, perejang.

alabaster sj batu putih yg digunakan utk membuat patung, barang hiasan dsb.

ala carte (Perancis) hidangan masakan yg tersenarai pd menu, yg boleh dipilih secara berasingan mengikut kesukaan pelanggan pd harga yg telah ditetapkan.

al-Adl (al-‘Adl) Ar Yang Maha Adil (satu drpd 99 nama Allah).

alaf Ar **1.** seribu, alfu; **2.** masa yg lamanya 1000 tahun, seribu tahun, milenium; ~ *baru* tempoh masa selepas alaf terdahulu.

al-Afu (al-‘Afuw) Ar Yang Maha Pemaaf (satu drpd 99 nama Allah).

alah I kalah, tewas: *tidak diketahui siapa yg ~ dan siapa yg menang;*

~ *bisa tegal (kerana) biasa* prb segala kesusahan tidak akan terasa lagi sesudah biasa; ~ *limau oleh benalu* prb orang yg lama terdesak oleh orang yg baru; ~ *mahu bertimbang enggan, cungkil merih akan pembayar* prb dikatakan kpd orang yg tidak menepati janji hingga bergaduh; ~ *membeli menang memakai* prb tidak apalah mahal sedikit harganya, asal barang itu kuat (tahan dsb); ~ *menang tak tahu, bersorak boleh* prb dikatakan kpd orang yg tidak tahu selok-belok pergaduhan tetapi mengatakan siapa yg akan kalah; ~ *sabung menang sorak* prb biarpun kalah, namun cakap masih besar; *tak bertepatan janji, tak berteban taruh, tak bertangkap, mengamang-ngamang ~ di darat sahaja* prb peperangan (atau perkelahian) yg tidak mempunyai tipu daya akan alah percuma sahaja;

beralah, mengalah tidak mahu mempertahankan (hak, pendirian, dll), dgn sengaja (atau pura-pura) kalah: *tidak semestinya orang yg ~ itu kalah;*

beralahan; *tidak* ~ tidak ada yg kalah (dlm pertandingan), seri;

mengalahi **1.** mengalah kpd; *alah-~* saling mengalah; **2.** menaklukkan, mengatasi: *suratan ~ segala-galanya;*

mengalahkan menaklukkan, menundukkan, melebihi: *dgn kekuatan sendiri sahaja tak dapat ia ~ lawannya;*

teralahkan dapat atau boleh dialahkan: *memang bapak anak jantan tak ~ badai;*

alah **1.** yg sudah dialahkan; **2.** biasa kalah; **3.** kekalahan apabila (sewaktu) berjudi;

kealahan perihal alah, kekalahan, ketewasan;

peralahan kemenangan, perampasan;

pengalahan perihal (perbuatan) mengalahkan.

alah II sensitif terhadap sesuatu jenis makanan (ubat dll) hingga boleh menimbulkan kesan yg tidak baik pd kesihatan seseorang: *~ terhadap penisilin;*

alah perihal alah, keadaan alah, alergi.

alah III; mengalah membendung (sungai utk mengambil ikan), menebat, mengempang;

alah **1.** parit-parit yg dikeringkan, bekas alur sungai; **2.** bendungan, empangan, tebat.

alah IV sr kata utk menyatakan kesal atau rasa tidak senang (menunjukkan keberatan, ketika memujuk atau menggesa, dll): *~ , menyusahkan aku saja !; ~, janganlah begitu !; ~ mak !*

al-Ahad Ar Yang Maha Tunggal (satu drpd 99 nama Allah).

alahai sr kata utk menyatakan rasa terkilan, kesal, dsb; *~, anak emak!*

alai 1. sj tumbuhan (pokok), beka, bereksa, gedayung, kedaung, *Parkia javanica*; **2.** sj tumbuhan (pokok), batai, jemerelang, sena laut, *Peltophorum dasyrachis*.

alai II; *~-balai;* → □ **halai-balai.**

alai III; *~-belai* bujukan, cumbuan.

alai IV; **mengalai** Br menari, meronggeng.

alaihi Ar atasnya, padanya, baginya; *iblis* ~ *laknat* iblis yg dikutuki Tuhan, laknat bagi iblis.

alaihissalam Ar damai atau kesejahteraan padanya (biasanya digunakan atau disebutkan sesudah menyebut nama nabi, spt Sulaiman alaihissalam, Daud alaihissalam, dll).

alaika Ar atasmu, padamu.

alaikum Ar atasmu, padamu, bagimu; ~ *assalam*, *assalamu*~ damai atau kesejahteraan padamu (sekalian).

alak I Kl galakan (lembu berlaga);

mengalak menggalakkan, menggesa: *kalau tidak dialak, kerja itu tidak akan siap.*

alak II Mn; **sealak-alak** sesedang-sedangnya, secukupnya.

al-Akhir Ar Yang Akhir dan Tiada Kesudahan (satu drpd 99 nama Allah).

alakuhal Ar dlm segala hal, dlm hal apa pun: ~ , *para nabi mempunyai ilmu yg luas sekali.*

alala sj lagu rakyat Sepanyol.

alalbahalal, **alalbihalal** → **halalbihalal**.

alalia ketidakupayaan bertutur yg berpunca drpd kerosakan pd alat artikulasi luaran (bukan pd sistem saraf pusat).

al-Alim (al-‘Alim) Ar Yang Maha Mengetahui (satu drpd 99 nama Allah).

al-Ali (al-‘Ali) Ar Yang Maha Tinggi (Luhur) (satu drpd 99 nama Allah).

alam I **1.** dunia, bumi: *namanya termasyhur di seluruh* ~; *bencana* ~ bencana yg berlaku di muka bumi (spt banjir, gempa, dll); **2.** segala yg ada di langit dan di bumi (bumi, bintang-bintang, tenaga-tenaga yg ada, dll): *Tuhan menjadikan* ~ *ini dlm masa enam hari; ilmu* ~ a) pengetahuan mengenai keadaan alam dan benda-benda hidup (spt keadaan bumi, iklim, penduduk dan perusahaannya, dll),

geografi; b) Id fisik; **3.** lingkungan yg meliputi golongan atau kumpulan orang atau hidupan lain yg tertentu atau sejenis: ~ remaja; ~ kanak-kanak; ~ Minangkabau; ~ haiwan; **4.** bidang atau lingkungan kegiatan (minat dll): ~ persuratan Melayu; ~ pembacaan kanak-kanak; ~ persuratkhabaran; **5.** Id segala daya (kekuatan dsb) yg seakan-akan mengatur isi dunia: *di negeri itu agaknya berlaku hukum ~, siapa yg kuat dialah yg berkuasa;*
~ arwah tempat roh-roh; ~ baqa dunia yg kekal, akhirat; ~ barzakh alam yg tidak kelihatan (tempat orang mati hingga hari kiamat); ~ fana dunia yg tidak kekal; ~ fikiran bidang atau lingkungan fikiran (cara berfikir); ~ nabatah = ~ tumbuh-tumbuhan segala macam tumbuh-tumbuhan; ~ samar alam barzakh; ~ semesta seluruh alam; lah sesak ~ tempat diam, tak berbumi tempat tegak prb berasa sangat malu sehingga tidak dapat menyembunyikan dirinya lagi; **sealam** mempunyai alam yg sama: *Malaysia ~ dgn Indonesia;*
kealaman perihal alam, sifat atau keadaan alam: *pengaruh manusia terhadap ~ negeri itu besar.*

alam II; mengalami merasai atau menempuh (kesusahan, kesulitan, perubahan, dll), menanggung: *selama hampir tiga tahun yg lalu, kita telah ~ kesulitan ekonomi;*

pengalaman apa yg telah dialami (dirasai, ditempuh, dll): *orang itu telah banyak ~nya;*

berpengalaman mempunyai pengalaman (yg luas): *penasihatnya ialah seorang yg ~; pegawai yg ~ dlm bidang pentadbiran.*

alam III bendera, panji-panji.

alamak sr alah mak.

alamang sj pedang; → **lamang.**

alamar ark; *penguasa ~ pemegang kekuasaan memerintah;* → **amar I.**

alamas ark intan.

alamat 1. sesuatu yg dianggap (ditafsirkan dsb) sbg menandakan bahawa sesuatu kejadian dll yg baik atau buruk akan berlaku, tanda, pertanda: *dia merasakan bahawa mimpinya itu memberinya sesuatu ~*; **2.** sl matlamat, sasaran, bulan-bulan, tumpuan: *beberapa kali ia menembak ~ itu tetapi tidak kena*; **3.** butir keterangan (spt nombor rumah, nama jalan, nama bandar, dll) yg menunjukkan tempat tinggal seseorang: *pastikan bahawa ~ penerima surat itu telah dituliskan dgn terang dan lengkap pd sampul surat*; **4.** (Komp) kod pengenalan unik yg digunakan sbg nama atau tanda kedudukan ingatan, daftar, dll dlm sesuatu sistem komputer; **5.** ark nama buku dll: *~ buku ini dituliskan dgn huruf besar*; **6.** bermakna bahawa, menandakan, menunjukkan: *burung berkicau ~ hari nak siang*;

~ tunduk bendera putih tanda menyerah (kalah);

alamatnya tandanya: *jika ada negara yg mengatur rancangan perangnya sendiri, ~ pakatan itu tidak akan mencapai tujuan bersama*;

beralamat 1. mempunyai alamat, memberikan tanda (pertanda): *mimpi yg ~ buruk; awan gelap biasanya ~ turunnya hujan*; **2.** mempunyai matlamat (sasaran, tumpuan); *menembak ~, berkata bertujuan* prb tiap perbuatan harus ada maksudnya; **3.** mempunyai atau bertulis dgn alamat (keterangan tempat tinggal): *setiap sampul surat hendaklah ~ dgn terang dan bersetem*;

mengalami membubuh alamat pd: *~ surat*;

mengalamatkan 1. menunjukkan alamat (tanda), memberi tanda bahawa: *matahari telah condong ke barat sbg ~ hari sudah petang*; **2.** menunjukan (surat dll): *~ surat kpd ahli-ahli pertubuhan*.

alamatulhayat Ar tanda hidup (berupa surat, cenderamata dll).

alamiah bersifat semula jadi, natural: *undang-undang ~ yg tidak bertulis*.

al-Amin Ar gelaran yg diberikan kpd Nabi Muhammad SAW kerana sifatnya yg amanah serta boleh dipercayai: *kerana sifatnya yg amat jujur, Nabi Muhammad SAW telah diberi gelaran ~.*

alamin Ar (jamak bagi alam) alam ghaib dan alam syahadah; → **Rabbulalamin.**

alan sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, *Shorea albida*; ~ *batu* sj tumbuhan (pokok yg kayunya dibuat papan, kayu kumai, papan panel, dll), empenit, meraka, meraka alan, sengawang, seriagawan, *Shorea sp.*; ~ *bunga* sj tumbuhan (pokok yg kayunya dibuat papan lapis, papan panel, kayu kumai, dll), meranti bunga, *Shorea sp.*

alan-alan pelawak, badut.

alang I 1. nama timang-timangan bagi anak yg ketiga; **2.** tidak terlalu besar (tua dll) dan tidak pula terlalu kecil (muda dll), sedang, sederhana, tanggung(-tanggung); *keris ~ keris* yg sedang atau sederhana panjangnya; *saudara yg ~ saudara* yg bukan bongsu dan bukan sulung; **3.** sedikit, kurang: *masalah tersebut memakan masa dan tenaga yg bukan ~*; ~ *kepalang* sedikit, tidak cukup, tanggung(-tanggung); *bukan ~ kepalang* bukan sedikit, sangat, terlampau;

alang-alang, alang-alangan 1. setengah-setengah, tidak sungguh-sungguh, setengah hati: *bekerja ~*; **2.** sedikit, kurang: *bukan ~* bukan sedikit, terlalu, sangat;

~ berminyak biar licin = ~ mandi biar basah = ~ berdakwat biar hitam prb kalau mengerjakan sesuatu janganlah sekerat jalan; *~ menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan* prb kalau sudah terlanjur jahat, biarlah sampai beroleh hasilnya;

alangkah 1. kata yg melahirkan rasa kagum, hairan, dsb: ~ *cantiknya bunga-bunga di taman itu*; **2.** betapa: ~ (*baik buruk, besar, kecil, dll*).

alang II 1. (me)lintang; *menarik garis* ~ menarik garis melintang; **2.** kayu yg dipasang melintang (di antara dua tiang atau dua dinding): *supaya jangan bergeser dipasang* ~ antara kedua-dua tiang itu; **3.** dinding, penyekat (bilik dsb): ~ *rumah*; ~ *balai* penyekat balai; ~ *jambatan* bahagian yg melintang pd jambatan di pelabuhan; ~ *mahligai* penyekat di mahligai; ~ *muka papan* melintang antara dinding perahu atau pd belat (tempat berjalan).

alang III = alangan ark hadiah, pemberian; ~ *berjawab, tepuk berbalas* prb kebaikan dibalas dgn kebaikan, kejahatan dgn kejahatan pula.

alang-alang Jw sj rumput yg tinggi, lalang.

alap I Sl sopan, santun: *lemah lembut* ~ *santun*.

alap II; mengalap Kd, Jw mengambil (mengait, menjolok) buah-buahan dgn galah yg memakai pisau atau kait di hujungnya.

alap-alap Jw **1.** helang belalang, burung rajawali; **2.** ki pencuri, penyeluk poket; ~ *sepeda* pencuri basikal.

alajah Ar **1.** darah beku yg membesar menjadi janin (bakal bayi, bakal manusia, lembaga); **2.** hati kecil: *dizahirkannya kpd ~nya di dlm hatinya*.

alar anak sahaya hutang-hutangan, anak hamba.

alarem IB tanda bahaya.

alas I 1. sesuatu yg menjadi lapik tempat meletakkan sesuatu yg lain, tempat berdiri sesuatu, asas, dasar; ~ *cawan* tempat diletakkan cawan, piring; ~ *tiang* asas tempat berdirinya tiang; **2.** kain dsb yg digunakan utk menutup sesuatu (spt meja dll), lapik, tutup; ~ *bantal* sesuatu yg ditaruh di atas bantal (jikalau tidak bersarung); **3.**

(Kej) bahagian-bahagian di dlm enjin yg memusingkan suatu gandar atau yg memegang gandar yg berpusing;

~ *baju* lapik baju; ~ *cap* ark wang yg harus dibayar kpd pegawai Sultan yg membuat naskhah; ~ *kaki* sesuatu (spt tikar atau bangku) tempat meletakkan kaki (sewaktu sedang duduk di kerusi dsb); ~ *kata* ki kata pendahuluan; ~ *kubur* orang yg memikul kesalahan orang lain; ~ *meja* lapik meja, kain penutup meja; ~ *muatan* tolak bara (pemberat sbg pengimbang) di bawah muatan perahu; ~ *perut* makan pagi, sarapan sekadar menghilangkan rasa lapar; ~ *peti* tutup peti; ~ *rumah* ark asas rumah (dasar rumah); ~ *ternang* bokor tempat diletakkan bekas air (spt teko dll); *jadi* ~ *cakap* utk sagu hati kerana jasa yg telah disumbangkan;

beralas 1. memakai alas, berlapik: *cawan yg tidak ~; meja-meja itu belum ~ lagi*; **2.** mempunyai asas (sbg bukti, keterangan, dsb), berasas: *kata-katanya tidak ~*; **3.** ki (bkn cakap) berhati-hati menggunakan kata-kata supaya tidak menyinggung perasaan;

beralaskan 1. mempunyai (menggunakan) sesuatu sbg alas, berlapik: *meja yg ~ kain putih; mangkuk yg ~ piring kuih*; **2.** mempunyai (menggunakan dll) sbg asas, atas asas atau dasar, berasaskan: *ia ditangkap ~ bukti-bukti yg nyata*;

mengalasi, mengalasi memberi beralas, memberi berlapik, berlaku sbg alas (lapik) kpd: *ia berbaring dan tangannya ~ tengkuknya*; ~ *perut* makan pagi; *dialas* *bagai memengat* prb apabila bercakap hendaknya setelah difikirkan terlebih dahulu;

mengalaskan 1. menjadikan (meletakkan sbg) alas: ~ *sehelai tikar di bawah meja*; **2.** mengasaskan (mendasarkan) pd: ~ *tuduhan-tuduhan pd cakap orang sahaja*;

alasan 1. asas, dasar: *kepentingan bersama adalah ~ utk menubuhkan suatu parti*; **2.** sesuatu (bukti, keterangan, dll) yg

dijadikan asas atau dasar bagi sesuatu (tindakan, pendapat, dll), sebab: *apa ~ ia bertindak demikian?; jawatankuasa itu mempunyai ~ utk membuat keputusan itu; 3.* yg dijadikan sbg alas: *jalankan jentera di tengah-tengah kayu ~;*

beralasan mempunyai alasan, ada asasnya, berdasarkan alasan, berasas: *ia tersenyum, kerana leteran emaknya itu ~ kesihatan; tuduhan-tuduhan yg tidak ~.*

alas II Jw hutan: *~ yg sunyi.*

alas III; pengalasan Jw ark segolongan tertentu pegawai istana, pesuruh istana.

alat I 1. barang apa yg diperlukan atau digunakan utk membuat (mengerjakan, menghasilkan) sesuatu: *seseorang tukang kayu memerlukan ~ spt gergaji, ketam, penukul, dan berbagai-bagai lagi; 2.* ki orang atau sesuatu yg dipergunakan utk mencapai sesuatu maksud atau matlamat (seseorang, sesuatu golongan, dll): *dia dianggap orang ~ penjajah; kemudahan dsb yg boleh dijadikan ~ utk menjayakan rancangan; 3.* bahagian tubuh manusia atau haiwan atau bahagian tumbuh-tumbuhan yg mengerjakan sesuatu, organ;

~ bunyi-bunyian = ~ muzik perkakas yg boleh mengeluarkan bunyi yg berirama (utk dimainkan lagu); *~ ganti* alat utk menggantikan sesuatu alat yg sudah rosak atau tidak boleh digunakan lagi (pd mesin, jentera, pesawat, dll); *~ hawa dingin* penyaman udara; *~ kebesaran = ~ kerajaan = ~ perintah* kelengkapan upacara raja-raja; *~ kekuasaan = ~ negara* segala sesuatu utk menjalankan kekuasaan negara; *~ kelamin* bahagian pd tubuh manusia atau binatang utk melakukan hubungan jenis; *~ kelengkapan* segala alat yg kesemuanya sekali memenuhi keperluan sesuatu (lengkap bagi sesuatu); *~ mengajar* kelengkapan utk mengajar; *~ pencernaan*

bahagian tubuh utk mencernakan makanan; ~ *pencium* hidung; ~ *pendengar(an)* telinga; ~ *perang* = ~ *senjata* kelengkapan perang; ~ *perasa* bahagian tubuh utk merasa; ~ *raja* kelengkapan yg dipakai oleh raja (spt ketur, kendi, kipas, dll); ~ *solek* barang-barang yg digunakan utk menambah kecantikan (terutamanya wajah seseorang perempuan), mekap; ~ *tukang kayu* perkakas yg dipakai tukang kayu; ~ *tulis* alat yg diperlukan utk menulis, mis pensel, pen, kertas, dakwat, dsb;

beralatkan mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg alat;

mengalati, memperalati membekali atau melengkapi dgn alat (senjata dll): ~ *rumah*; ~ *angkatan tentera*;

mengalatkan 1. melengkapi (dgn) alat; **2.** = **memperalat**;

memperalat menggunakan (seseorang atau sesuatu) sbg alat (utk mencapai sesuatu tujuan): ~ *orang utk mencapai maksudnya*;

alatan, peralatan bermacam-macam alat: *diperintahkan supaya biliknya ditambahi ~ dan perhiasan.*

alat II Mn jamuan, perjamuan; *acang-acang* ~ orang yg mengatur jamuan;

beralat mengadakan upacara adat (perkahwinan, perjamuan, dll), mengadakan jamuan (utk), berjamu: *ia hendak ~ mengahwinkan anaknya*;

memperalatkan mengadakan perjamuan adat, mengahwinkan: *tidak sedikit dikeluarkan wang utk ~ anaknya*;

peralatan perjamuan, upacara adat: ~ *kahwin.*

alau; *burung* ~ sj enggang.

al-Awwal Ar Yang Awal dan Tiada Permulaan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Azim (al-‘Azim) Ar Yang Maha Agung (satu drpd 99 nama Allah).

al-Aziz (al-‘Aziz) Ar Yang Maha Berkuasa dan Perkasa (satu drpd 99 nama Allah).

al-Badik (al-Badi‘) Ar Yang Maha Menciptakan Sesuatu yg sebelumnya tiada (satu drpd 99 nama Allah).

al-bai bithaman ajil konsep perbankan Islam yg merujuk kpd penjualan barang dgn bayaran yg tertangguh.

al-Bais (al-Ba‘ith) Ar Yang Membangkitkan Manusia (satu drpd 99 nama Allah).

alban → **leban I.**

al-Baqi Ar Yang Berkekalan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Bar (al-Barr) Ar Yang Menjadi Sumber Kebaikan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Barik Ar Yang Maha Pencipta Makhluk (satu drpd 99 nama Allah).

al-Basir Ar Yang Maha Melihat (satu drpd 99 nama Allah).

al-Basit Ar Yang Maha Melapangkan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Batin Ar Yang Menyembunyikan Kewujudan (satu drpd 99 nama Allah).

albatros sj burung laut drpd genus *Dionedea* dan *Phobetria* yg berwarna putih, besar dan bersayap panjang yg banyak terdapat di persisiran pantai Lautan Atlantik dan Lautan Pasifik.

albedo (albédo) (Fiz) nisbah antara cahaya yg dipantulkan ke semua arah dgn cahaya yg jatuh ke atas suatu planet atau satelit.

albino (Bio) organisma (terutamanya manusia dan haiwan) yg kekurangan pigmen pd rambut (bulu) dan kulit, yg mengakibatkan bahagian yg berkenaan kelihatan luar biasa putih.

albion (tanah) Inggeris.

album 1. buku tempat menaruh gambar-gambar (setem dll): ~ yg *mengandungi gambar-gambar pd hari perkahwinannya*; **2.** piring

hitam yg mengandung beberapa buah lagu: *penyanyi yg telah berjaya menghasilkan beberapa buah ~.*

albumen (albumén) (Bio) putih telur.

albumin kumpulan protein ringkas yg larut dlm air yg terdapat dlm putih telur, plasma darah, dll.

al-Dar (ad-Darr) Ar Yang Mendatangkan Kemudaratan (satu drpd 99 nama Allah).

aldehid (aldéhid) (Kim) kumpulan sebatian organik yg mempunyai radikal -CHO (mis formaldehid dan asetaldehid).

al-Din Ar cara hidup yg direcai Allah: *pelbagai pihak mengambil kesempatan sempena Ramadan al-mubarak utk menganjurkan pelbagai aktiviti bagi merealisasikan Islam sbg ~.*

aleban → **leban I.**

alegori (alégori) sesuatu karya (cerita, puisi dsb) yg menggunakan watak, peristiwa dll sbg lambang utk menerangkan (menyampaikan) sesuatu yg lebih mendalam: *Mantiq al-Tair merupakan sebuah ~ yg dipilih utk dibicarakan sbg satu pengenalan kpd karya sufi;*

mengalegorikan mengubah sesuatu karya (cerita dsb) menjadi alegori, mengubah sesuatu dlm bentuk alegori.

alegreto (alégréto) (Muz) lagu yg dimainkan dgn rentak yg agak cepat dan rancak (lebih perlahan sedikit drpd alegro).

alegro (alégro) (Muz) lagu yg dimainkan dgn rentak yg cepat dan rancak.

aleja (aléja) → **leja.**

aleksia (aléksia) (Ubat) keadaan tidak berupaya membaca atau memahami bahasa bertulis akibat kecederaan atau kecacatan semula jadi pd bahagian tertentu otak.

alem Jk; **mengalem, ngalem** memuji-muji, memanjakan;

aleman manja.

alergen (Ubat) bahan protein atau bukan protein yg boleh menyebabkan alahan.

alergenik (Ubat) berkaitan dgn alergen.

alergi keadaan sensitif terhadap sesuatu (makanan, ubat, dll) sehingga boleh menimbulkan kesan atau perkembangan yg tidak baik pd kesihatan, alahan.

alfa I → **alfu**.

alfa II huruf pertama dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol A, α .

alfabet (alfabét) bp abjad.

alfabetologi (alfabétologi) kajian tentang tulisan abjad.

al-Fatihah Ar surah pertama (bab pertama) dlm al-Quran.

al-Fattah Ar Yang Maha Pembuka (satu drpd 99 nama Allah).

al-Fadil Ar panggilan hormat bagi orang yg mempunyai ketinggian atau kelebihan ilmu dlm bidang agama: ~ *Ustaz Ali*.

alfalfa sj tumbuhan yg digunakan sbg makanan utk haiwan ternakan, sayur-sayuran dll, *Medicago sativa*.

alferes (alférés) → **alperes I**.

alfiah bandar di pantai selatan India; *kopiah* ~ sj kopiah yg tinggi.

alfu Ar seribu; ~ *lailah wa lailah* seribu satu malam; **alaf**.

alga kumpulan tumbuhan paling ringkas (terdiri drpd satu sel atau berbilang sel), kebanyakannya hidup di dlm air dan tumbuhan ini penting dlm rangkaian makanan (mis rumpai laut).

algebra (algébra) cabang matematik yg menggunakan huruf-huruf dan tanda-tanda (lambang-lambang) sbg mewakili angka atau kuantiti.

al-Ghaffar Ar Yang Maha Mengampuni (satu drpd 99 nama Allah).

al-Ghafur Ar Yang Maha Sedia Mengampuni (satu drpd 99 nama Allah).

al-Ghani Ar Yang Maha Kaya dan Tidak Memerlukan Sesuatu Apa pun (satu drpd 99 nama Allah).

algisid bahan kimia utk menghapuskan atau membunuh alga, racun alga.

algoja → **algojo**.

algojo (Portugis) **1.** orang yg menjalankan hukuman mati, pelebaya, pertanda; **2.** ki orang yg bengis dan kejam.

algologi kajian tentang alga, termasuklah aspek morfologi, anatomi, proses pertumbuhan dan ekologi.

algoritma **1.** satu siri atau set arahan, peraturan atau prosedur yg diikuti utk menyelesaikan masalah (terutama dlm komputer): *golongan profesional meminati teknik berfikir secara analitis yg menggunakan pelbagai teori dan ~*; **2.** (Komp) cara penyelesaian masalah dgn melakukan jujukan proses atau peraturan yg ditentukan utk mencapai matlamat atau objektif.

al-Hadi Ar Yang Memberi Hidayah Kepada Hamba-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

al-Hafiz Ar Yang Maha Memelihara (satu drpd 99 nama Allah).

al-Hai Ar Yang Maha Hidup (satu drpd 99 nama Allah).

al-haj haji: *Tunku Abdul Rahman Putra ~*.

al-Hakam Ar Yang Maha Menentukan Hukuman (satu drpd 99 nama Allah).

al-Hakim Ar Yang Maha Bijaksana (satu drpd 99 nama Allah).

al-Halim Ar Yang Maha Penyantun dan Penyabar (satu drpd 99 nama Allah).

alhamdulillah Ar **1.** segala pujian bagi Allah; **2.** ungkapan menandakan rasa syukur: *~, kita telah mendapat kemerdekaan.*

al-Hamid Ar Yang Maha Layak Menerima Pujian (satu drpd 99 nama Allah).

al-Haq (al-Haqq) Ar Yang Maha Benar (satu drpd 99 nama Allah).

al-Hasib Ar Yang Maha Menghitung Amalan Makhhluk (satu drpd 99 nama Allah).

alhasil Ar kesudahannya, hasilnya, akhirnya: ~, *dia sendiri juga yg menanggungnya; ~ simposium itu tidak dapat mencatatkan apa-apa yg bernas kecuali salah seorang peserta bangun dan membetulkan beberapa fakta; → hasil.*

ali I Ar tinggi;

mengali memperlihatkan diri utk menarik perhatian.

ali II; *gula ~ gulali, sj penganan.*

ali-ali humber tali, tali pelontar batu; *anak ~ = batu ~ batu yg dilontarkan dgn ali-ali; membuang ~ melontar batu dgn ali-ali;*

mengali-ali membuang batu dgn menggunakan ali-ali.

alias **1.** disebut juga, sama dgn (digunakan pd nama seseorang yg mempunyai lebih drpd satu nama): *Kasim ~ Hasyim bin Samad*; **2.** (Komp) nama ganti atau nama tambahan bagi sesuatu unsur dlm sistem komputer.

ali baba cara perusahaan yg memakai nama Melayu atau kelihatan saja dimiliki atau diuruskan oleh orang Melayu tetapi sebenarnya kepunyaan (diselenggarakan oleh) orang Cina atau bangsa asing yg lain: *yg mendapat keuntungan ialah orang asing melalui cara ~;*
mengalibabakan menjual hak-hak yg khas bagi orang Melayu kpd orang Cina atau bangsa asing yg lain: *ada orang Melayu yg ~ hak-hak mereka.*

alibi bukti atau keterangan (bahawa seseorang yg dituduh itu) berada di tempat lain ketika berlaku sesuatu perbuatan jenayah: *ketika dituduh, ia tidak mempunyai ~.*

alif I **1.** huruf pertama abjad Arab (mempunyai nilai satu); **2.** huruf pertama abjad Jawi; *tahun ~ tahun yg pertama drpd daur kecil atau windu;*

~ gantung = ~ kecil alif utk pengganti tanda tasydid; ~ saksi alif yg menyaksikan huruf a; tegak spt ~ tegak lurus; berbilang dr esa,

mengaji dr ~ prb mengerjakan sesuatu hendaknya dr permulaan (menurut peraturan).

alif II Ar sahabat, teman.

alifatik (Kim) bkn sebatian organik yg molekulnya terdiri drpd atom-atom karbon yg tersusun lurus atau bercabang.

alif-ba-ta abjad Arab.

aligator sj reptilia besar yg rupanya seakan-akan buaya, biasanya boleh ditemui di tasik dan sungai di Amerika dan China.

alih pindah, tukar, ubah; ~ *kata* = ~ *kecek* tukar percakapan (mempercakapkan yg lain);

beralih 1. bergerak dr satu tempat ke tempat yg lain, pergi (ke tempat lain): *dia ~ dr situ apabila orang itu berjalan menghampirinya*; **2.** berpindah (ke tempat, pusat pentadbiran, dll yg lain): *dr Singapura, dia ~ ke Kuala Lumpur; pusat kuasa politik ~ dr Yedo ke ibu kota purba Kyoto*; **3.** bertukar (ke hala, tumpuan, tajuk atau perkara dll yg lain): *pandangannya ~ kpd laki-laki itu; perbualan mereka ~ ke perkara lain pula*; **4.** berganti, bertukar, berubah; *angin ~ angin berganti (bertukar) arah; zaman ~ musim bertukar* keadaan selalu berubah, tidak ada yg tetap (segala sesuatu hendaklah disesuaikan dgn keadaan zaman);

~ *akal* berubah pendapat (fikiran); ~ *angin* berkunjung (pergi) ke tempat lain utk meluaskan pandangan atau pengalaman dsb; ~ *haluan* berganti (bertukar) haluan; ~ *hari* menjadi petang; ~ *musim* berganti musim (mis dr musim kering ke musim hujan dll); ~ *rumah* berpindah rumah; *timur ~ sebelah barat* prb laki-laki menurut perintah perempuan;

mengalih 1. = **mengalihkan** mengubahkan duduk (letak dsb) sesuatu, memindahkan: *ia ~ baldinya yg kelimpahan air*; ~ *haluan menuju ke barat pula*; ~ *pandangan*; **2.** mengganti, mengubah,

menukar: *si Ali ~ percakapan ke perkara lain pula; mereka ~ usaha mereka kpd aspek lain, iaitu al-Sunah;*

~ bentuk mengubah bentuk; *~ kerja* menukar kerja; *~ nama* mengganti nama; *~ sila* berpindah duduk;

~ kain ke balik rumah, ~ kata berhadapan = ~ kain payah juga ke ceruk, ~ cakap di mata-mata sahaja prb dikatakan kpd seseorang yg hendak membalikkan perkataannya;

peralihan perihal beralih atau bertukar (drpd satu pucuk pimpinan kpd pucuk pimpinan yg lain, drpd satu keadaan kpd keadaan yg lain dsb), pergantian, pertukaran (keadaan dll); *~ kekuasaan* pertukaran kekuasaan; *~ zaman* pertukaran zaman (masa) dgn perubahan keadaan hidup dll;

pengalihan perihal (perbuatan dsb) mengalihkan, pengubahan, penggantian, pemindahan (kuasa dll).

alih-alih dgn tidak disangka-sangka, tetapi: *katanya ia sakit, ~ saya berjumpa dengannya di pasar.*

alih bahasa pertukaran drpd satu bahasa kpd bahasa yg lain, penterjemahan;

mengalihbahasakan menterjemahkan.

al-ijarah konsep perbankan Islam yg merujuk kpd persetujuan bahawa bank sbg pemilik aset, memajakkan aset berkenaan kpd pelanggan utk suatu tempoh tertentu, dgn bayaran sewa yg dipersetujui antara kedua-dua belah pihak.

alikh; *berulang-~* berbolak-balik, pulang balik: *kerjanya berulang-~ saja antara Kuala Lumpur dan Singapura; → ulang-alikh.*

alim I 1. mempunyai pengetahuan yg mendalam tentang agama Islam di samping memiliki sifat warak, zuhud, dan takwa: *meminta petunjuk dan nasihat mengenai hukum agama drpd orang yg ~; ~ ulama* pakar-pakar agama Islam; **2.** patuh kpd ajaran agama

(Islam) serta rajin beribadat, soleh: *ayahnya seorang yg ~*; **3.** bp sangat baik sifat dan akhlaknya (spt orang alim): *nampaknya ~, rupanya orang bangsat; ~~~ kucing pura-pura alim*;

kealiman 1. perihal (sifat) mengetahui dgn mendalam mengenai agama, perihal sungguh berpengetahuan (tentang agama); **2.** kepatuhan kpd ajaran agama (Islam) serta kesungguhan beribadat, kesolehan; **3.** bp kebaikan tingkah laku (sifat dan akhlak).

alim II sj damar yg dipakai utk ubat.

alimbubu Mn pusaran angin.

alimentari (aliméntari) bkn makanan yg terlibat dgn penghadaman dan penghadamannya: *salur ~*.

alimiat zaman ketika manusia telah mengerti dan tahu, lwn zaman jahiliah.

alimoni (di kalangan suami isteri bukan Islam) bayaran saraan drpd suami kpd isteri atau sebaliknya dlm masa kedua-duanya sudah bercerai atau sudah berpisah tetapi belum bercerai secara sah.

alin; mengalin mengurut (memijit) badan orang sakit dgn memakai tepung adunan kuning yg bercampur putih telur utk mengeluarkan penyakit;

alinan pengalin;

pengalin benda utk mengalin: *tepung ~*.

alinea (alinea) (Latin) baris baru pd tulisan, baris permulaan, paragraf (perenggan).

aling I; aling-aling, alingan, aling-aling Id sesuatu yg dipakai utk menutup (melindungi) supaya jangan kelihatan; *main tedeng ~* melakukan sesuatu dgn diam-diam (dgn sembunyi-sembunyi); *tedeng ~* sesuatu yg dipakai utk menutup maksud (perbuatan) yg kurang baik;

mengalangi menutup supaya jangan kelihatan: *induk ayam itu ~ anaknya supaya jangan disambar helang.*

aling II; *ulang~*; → **ulang**.

alip I; *penyepit* ~ penyepit yg digunakan oleh pandai atau tukang emas.

alip II; **alip-alipan** ark main cari-carian.

alir I; **mengalir 1.** bergerak berterusan (bkn air, cecair, tenaga elektrik, dll): *air sungai ~ ke laut; darah ~ keluar drpd luka di kepalanya*; **2.** bergerak perlahan-lahan dan sedikit-sedikit, meleleh (bkn air mata, peluh, dll): *air matanya ~ juga dlm suram-suram cahaya*; **3.** bergerak melalui atau menerusi kawat (bkn arus atau tenaga elektrik); **4.** bergerak keluar atau masuk (dr sebuah negara ke negara lain dsb), berpindah banyak-banyak (ke negara atau tempat lain): *emas ~ ke luar negeri*;

mengaliri Id mengalir ke (sesuatu kawasan, daerah, dll): *air bendungan itu dapat ~ daerah yg luas*;

mengalirkan 1. menyebabkan (menjadikan) mengalir, menyalurkan (air dll) ke: *maksud bendungan ini ialah utk ~ air ke sawah; pertempuran yg ~ darah*; **2.** menyebabkan bergerak (di air), menghanyutkan: *~ rakit*; **3.** menyalurkan (cita-cita, kegiatan, dsb), mengarahkan;

aliran 1. gerakan mengalir (bkn air, tenaga elektrik, dll): *~ air sungai menuju ke laut; ~ tenaga elektrik*; **2.** gerakan keluar atau masuk biasanya banyak-banyak (dr sebuah negara ke negara lain dsb): *~ emas ke luar negeri*; **3.** saluran (spt paip air, dawai elektrik, dll) tempat mengalirnya sesuatu: *~ sungai itu selalu berpindah-pindah*; **4.** haluan pemikiran (pendapat), mazhab (politik, pandangan hidup, dll); *~ falsafah moden pandangan (haluan) falsafah moden; ~ komunis pendapat atau pemikiran komunis; ~ zaman pandangan hidup masa tertentu*; **5.** jalan (cerita dsb): *cerita*

ini kutuliskan secara roman sejarah, tetapi ~nya kusesuaikan dgn kisah peperangan Kedah; 6. arah perkembangan, kecenderungan atau kemungkinan (hala sesuatu perkembangan): ~ puisi tahun enam puluhan; ~ pasaran getah; 7. yg termasuk dlm sesuatu golongan yg khusus atau tertentu (bkn pembahagian atau pengelasan pelajar atau pelajaran dsb): sekolah menengah ~ Melayu; pelajar-pelajar ~ sains; ~ tunai penerimaan dan pembayaran wang tunai;

beraliran berhaluan pendapat (politik, pandangan hidup dll): *lunas itu ~ utk mendirikan suatu negara sosialis;*

pengaliran perihal (perbuatan, usaha dsb) mengalirkan, penyaluran (air, arus elektrik, dll); pemindahan (emas, modal dsb): *~ air ke sawah padi; ~ emas ke luar negeri dilarang oleh kerajaan;*

pengalir sesuatu yg (digunakan utk) mengalirkan.

alir II sj pancing utk menangkap buaya; *menahan* ~ memasang tali alir;

mengalir menangkap buaya dgn tali alir.

alir III Mn licin (permukaan).

alis bulu yg berupa lengkung di atas mata, (bulu) kening; *~nya spt seraut jatuh* alis yg indah sekali (cantik bentuknya).

alit I celak;

mengalit membubuh alit (celak) pd, mencelak; *~ mata* mencelak mata; *~ bibir* membubuh gincu pd bibir, memerahkan bibir;

pengalit alat utk mengalit: *bibir dibentuk dgn pensil ~ dan seterusnya disapu gincu*

alit II; *tali* ~ tali gasing.

alit III Jw ark kecil.

aliterasi (Lin) pengulangan bunyi atau huruf pertama (pd) beberapa perkataan yg berturutan (dlm sesuatu baris, terutamanya dlm sajak) spt *derup derap*.

aljabar Ar algebra.

al-Jabbar Ar Yang Maha Perkasa (satu drpd 99 nama Allah): *Khalik ~*; *Malik ~*.

al-Jalil Ar Yang Maha Memiliki Sifat Keagungan Yang Tiada Pada Makhluk (satu drpd 99 nama Allah).

al-Jamik (al-Jami‘) Ar Yang Maha Penghimpun (satu drpd 99 nama Allah).

al-Kabir Ar Yang Maha Besar (Gah) (satu drpd 99 nama Allah).

al-kafalah konsep perbankan Islam yg merujuk kpd jaminan satu pihak bahawa satu pihak yg lain akan menunaikan kewajibannya.

alkah Ar ark → **alaqah**.

alkali (Kim) bahan yg meneutralkan asid utk membentuk garam dan boleh menukarkan kertas litmus merah menjadi biru;

beralkali berkaitan dgn, mempunyai sifat, atau mengandungi alkali: *larutan ~*; *garam ~*;

mengalkalikan menjadikan atau menyebabkan beralkali;

kealkalian darjah sesuatu larutan akueus itu bersifat alkali;

pengalkalian perihal (proses atau perbuatan) mengalkalikan.

alkalimeter (alkaliméter) alat utk mengukur kepekatan alkali dlm larutan.

alkalimetri (alkalimétri) teknik pengukuran banyaknya kandungan alkali atau bes dlm sesuatu larutan.

alkaloid (Bio) sebatian semula jadi yg mengandungi nitrogen, yg biasanya terdapat di dlm tumbuhan, dan digunakan dlm ubat-ubatan.

alkamar Ar bulan; → **kamar II**.

alkana (Kim) kumpulan sebatian hidrokarbon alifatik yg atom-atom karbonnya mempunyai ikatan tunggal.

alkari ark batu lak, laka, lakri, malau gari (kari).

al-Karim Ar Yang Maha Mulia dan Sedia Memberi (satu drpd 99 nama Allah).

al-Kasyaf (al-Kasysyaf) Ar Yang Menyingkap Hijab (membuka rahsia alam) (salah satu nama Allah).

alkatipa ark permaidani; → **katifah**.

alkena (alkéna) (Kim) kumpulan sebatian hidrokarbon alifatik yg atom-atom karbonnya mempunyai satu ikatan ganda dua atau lebih.

alketip → **alkatipa**, **katifah**.

al-Khabir Ar Yang Maha Sedia Mengetahui (satu drpd 99 nama Allah).

al-Khafid Ar Yang Maha Merendahkan Darjat Seseorang (satu drpd 99 nama Allah).

al-Khaliq Ar Yang Maha Pencipta Sekalian Makhluk (satu drpd 99 nama Allah).

alkimi Ar ilmu kimia.

alkimia ilmu kimia pd peringkat awal perkembangannya, yg merangkumi tempoh di antara kurun 500 SM sehinggalah abad ke-17.

alkisah kata yg digunakan ketika memulakan sesuatu cerita atau riwayat dan bermakna, kisahnya, ceritanya; → **kisah**.

al-Kitab Ar al-Quran, Kitabullah.

alkohol 1. cecair yg mudah terbakar dan juga memabukkan (terdapat dlm minuman keras dll); **2.** minuman keras;

beralkohol mengandungi alkohol: *jangan minum minuman ~ atau bergas; elakkan merawat luka dan calar dgn larutan ~.*

alkoholisme ketagihan minuman keras (alkohol).

alkoholometer (alkoholométer) alat utk mengukur tahap kandungan alkohol dlm cecair.

alkoholuria (Ubat) kehadiran alkohol di dlm air kencing.

alkonya (Portugis) nama keluarga.

alku orang yg mencari pelacur utk pelanggan lelaki (atau sebaliknya), barua, jaruman, ketolol, muncikari.

alkuna (Kim) kumpulan sebatian hidrokarbon alifatik yg mempunyai ikatan ganda tiga antara atom-atom karbonnya.

Allah Ar Tuhan (Yang Esa);

~ *Azzawajalla* Allah Yang Maha Agung; ~ *Subhanahuwataala* Allah Yang Maha Suci dan Maha Tinggi; *kerana* ~ a) oleh kehendak Allah; b) dgn percuma (utk mendapat pahala sahaja); *dibuat kerana* ~ *menjadi murka* ~ prb dilakukan dgn maksud baik, disangka orang kurang baik (menjadi tidak baik).

Allahuakbar Ar Allah yg Maha Besar.

Allahumma Ar Ya Allah, Ya Tuhanku; *labaika* ~ *labaika!* kerana-Mulah ya Tuhanku, kuserjakan ini!

Allahyarham Ar kata ganti diri yg digunakan sebelum nama orang lelaki Islam (bukan drpd keluarga diraja) yg telah meninggal: ~ *Datuk Onn terkenal di seluruh negara*.

Allahyarhamah Ar kata ganti diri yg digunakan sebelum nama orang perempuan Islam (bukan drpd keluarga diraja) yg telah meninggal.

allamah Ar ark mahir, sangat pandai: *pensyarah-pensyarah* yg ~.

al-Latif Ar Yang Maha Lemah Lembut dan Mengetahui Segala Sesuatu Sehalus-halusnya (satu drpd 99 nama Allah).

al-Majid (al-Majīd) Ar Yang Maha Dimuliakan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Majid (al-Mājid) Ar Yang Maha Sempurna (satu drpd 99 nama Allah).

almaktub kitab suci.

al-Malik Ar Yang Maha Memiliki Segala Kekuasaan (satu drpd 99 nama Allah).

almalun Ar sl terkutuk.

alma mater sekolah, maktab atau universiti yg pernah menjadi tempat belajar seseorang.

almanak 1. kalendar tahunan yg mengandungi senarai hari bulan dgn maklumat lain (spt terbit dan masuk matahari, air pasang surut, peredaran bulan, dll); ~ *nautika* buku tahunan yg memberikan maklumat tentang bulan, air pasang surut, matahari dsb; **2.** buku yg berisi penanggalan (daftar hari bulan) dan karangan yg perlu diketahui umum.

al-Manik (al-Mani‘) Ar Yang Maha Menegah dan Menolak (satu drpd 99 nama Allah).

Almarhum Ar kata ganti diri yg digunakan sebelum nama orang lelaki Islam, biasanya digunakan pd raja dan kerabatnya yg telah mangkat atau meninggal.

Almarhumah Ar kata ganti diri yg digunakan sebelum nama orang perempuan Islam, biasanya pd raja dan kerabatnya yg telah mangkat atau meninggal.

almari sj perabot yg bertingkat-tingkat dan berpintu utk menyimpan pakaian (barang-barang dll).

almas Ar intan.

al-Masih; *Isa* ~ Nabi Isa as.

al-Matin Ar Yang Maha Teguh Kekuatan-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muakhir (al-Muakhkhir) Ar Yang Mentakhirkan Wujudnya Sesuatu (satu drpd 99 nama Allah).

al-mubarak Ar yg beroleh berkat: *Ramadan* ~.

al-Mubdik Ar Yang Maha Memulakan Sesuatu (satu drpd 99 nama Allah).

al-mudarabah konsep kewangan (perbankan) Islam yg bermaksud pihak pemodal membiayai pengusaha dgn pembahagian keuntungan yg dipersetujui bersama.

al-Mughni Ar Yang Maha Mengayakan MakhluK Sehingga Tidak Memerlukan Apa-apa (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muhaimin Ar Yang Maha Mengawal (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muhit Ar Yang Maha Melingkungi Segala-galanya (salah satu nama Allah).

al-Muhsi Ar Yang Maha Mengira (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muhyi Ar Yang Maha Menghidupkan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muid (al-Mu'id) Ar Yang Maha Mengembalikan Ciptaan-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muiz (al-Mu'izz) Ar Yang Maha Memuliakan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Mujib Ar Yang Maha Memakbulkan (satu drpd 99 nama Allah).

almukhalis Ar ark juruselamat, penyelamat.

al-Mukmin Ar Yang Maha Melimpahkan Keamanan dan Kesejahteraan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Mumit Ar Yang Maha Mematikan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muntaqim Ar Yang Membalas Dengan Seksa (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muqaddim Ar Yang Memulakan Wujudnya Sesuatu (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muqit Ar Yang Maha Menyediakan Segala Keperluan MakhluK-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muqsit Ar Yang Maha Adil dan Saksama (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muqtadir Ar Yang Maha Berkuasa Menentukan Sesuatu (satu drpd 99 nama Allah).

al-murabahah konsep kewangan (perbankan) Islam yg bermaksud penjualan barangan (yg dibeli terlebih dahulu) oleh pemodal kpd pembeli yg membayarnya secara ansuran dgn harga yg melebihi harga asal mengikut persetujuan bersama.

al-Musawwir Ar Yang Maha Menentukan Bentuk Rupa Makhluk-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

al-Mutaali (al-Muta'ali) Ar Yang Maha Tinggi dan Suci (satu drpd 99 nama Allah).

al-Mutakabbir Ar Yang Maha Memiliki Segala Kebesaran (satu drpd 99 nama Allah).

al-Muzil Ar Yang Maha Menghina Musuh-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

al-Nafik (an-Nafi') Ar Yang Memberikan Kebaikan dan Kemanfaatan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Nur (an-Nur) Ar Cahaya Yang Menerangi (satu drpd 99 nama Allah).

aloe vera (aloe véra) **1.** sj tumbuhan yg termasuk dlm famili Liliaceace, daunnya yg panjang tirus, tebal dan lembut mengandungi gel yg mempunyai khasiat ubat-ubatan, lidah buaya; **2.** bahan yg dihasilkan drpd tumbuhan ini yg mengandungi vitamin dan mineral, biasanya digunakan utk membuat barangan kosmetik.

alofon (Lin) bunyi yg berlainan yg terhasil drpd satu fonem (bunyi), mis /k/ dlm *kita* dan *kata*.

alogami (Bio) persenyawaan silang pd tumbuhan berbunga.

alograf (Lin) lambang tulisan yg berlainan yg merujuk kpd grafem yg sama, mis *M* dan *m* drpd grafem < M >.

aloi logam yg merupakan gabungan dua logam atau lebih (mis gangsa, loyang, dll) atau satu logam dgn bahan bukan logam (mis keluli).

alokasi IB penentuan banyaknya barang dll yg disediakan utk sesuatu tempat (pembeli dll), peruntukan.

alon; alon-alon Jw lambat-lambat, perlahan-lahan.

along I nama timang-timbangan bagi anak yg sulung.

along II bp orang yg memberikan pinjaman wang secara haram dan mengenakan bunga yg sangat tinggi, dan biasanya akan bertindak ganas sekiranya pinjaman tersebut tidak dibayar.

alongan Jw kolam, tasik.

alonim nama lain bagi seseorang atau sesuatu, mis *Mat* adalah alonim bagi *Muhammad*.

alopati kaedah merawat penyakit dgn cara mencetuskan keadaan yg berbeza drpd punca sebenar yg menyebabkan penyakit berkenaan.

alopesia (alopésia) (Ubat) ketiadaan rambut atau bulu pd kawasan kulit yg biasanya berambut atau berbulu.

alot Jk tidak mudah putus, liat.

alotrop (Kim) pelbagai bentuk sesuatu unsur yg menunjukkan ciri alotropi (mis karbon mempunyai alotrop grafit, intan, dan karbon amorfus).

alotropi (Kim) kewujudan sesuatu bahan (spt karbon, sulfur, mangan, dll) dlm pelbagai bentuk dgn sifat fizik dan kimia yg berbeza.

alpa lalai, kurang mengendahkan; *janganlah ~ akan kewajibanmu*
janganlah lalai akan kewajibanmu;

mengalpakkan melalaikan, mengabaikan, melupakan: ~ *kewajiban*;

kealpaan kelalaian, kelengahan: *harap dimaafkan ~ saya*.

alpaka sj haiwan mamalia di Amerika Selatan yg rupanya seakan-akan *llama* dan bulunya yg panjang dapat dijadikan bahan pakaian, *Lama pacos*.

alpeniti (Portugis) peniti.

alperes (alpérés) **I** (Portugis) sl leftenan muda, pegawai rendah: *adapun si Talib itu peranakan Minangkabau jadi ~ di dlm negeri Bantan.*

alperes (alpérés) **II** sj ikan laut: ~ *batu*, ~ *jawa*.

alpia → **alfiah**.

alpukah ark daya usaha, inisiatif, kehandalan.

al-Qabid Ar Yang Maha Pengekang (satu drpd 99 nama Allah).

al-Qadir Ar Yang Maha Berkuasa (satu drpd 99 nama Allah).

al-Qahhar Ar Yang Maha Gagah Perkasa (satu drpd 99 nama Allah).

al-Qawi Ar Yang Maha Berkuasa (satu drpd 99 nama Allah).

al-Qayyum Ar Yang Berdiri Sendiri (satu drpd 99 nama Allah).

al-Quddus Ar Yang Maha Suci (satu drpd 99 nama Allah).

al-Quran kitab suci agama Islam.

al-Rafik (ar-Rafi‘) Ar Yang Maha Meninggikan Darjat (satu drpd 99 nama Allah).

al-Rahim (ar-Rahim) Ar Yang Maha Pengasih kpd semua makhluk (satu drpd 99 nama Allah).

al-Rahman (ar-Rahman) Ar Yang Maha Pemurah dan Yang Memberi Rahmat (satu drpd 99 nama Allah).

al-Raqib (ar-Raqib) Ar Yang Maha Mengawasi (satu drpd 99 nama Allah).

al-Rasyid (ar-Rasyid) Ar Yang Memberi Petunjuk Kepada Kebenaran (satu drpd 99 nama Allah).

al-Rauf (ar-Rauf) Ar Yang Maha Pemberi Kasih Sayang (satu drpd 99 nama Allah).

al-Razzaq (ar-Razzaq) Ar Yang Maha Memberi Rezeki (satu drpd 99 nama Allah).

ALRI akronim bagi Angkatan Laut Republik Indonesia.

al-Sabur (as-Sabur) Ar Yang Maha Penyabar (satu drpd 99 nama Allah).

al-Salam (as-Salam) Ar Yang Maha Sejahtera (satu drpd 99 nama Allah).

al-Samad (as-Samad) Ar Yang Kekal dan Menjadi Tempat Bergantung Sekalian Makhluk (satu drpd 99 nama Allah).

al-Samik (as-Sami‘) Ar Yang Maha Mendengar (satu drpd 99 nama Allah).

al-Syahid (asy-Syahid) Ar Yang Maha Menyaksikan Segala Kebenaran (satu drpd 99 nama Allah).

al-Syakur (asy-Syakur) Ar Yang Maha Menggandakan Balasan (satu drpd 99 nama Allah).

altar **1.** tempat mempersembahkan korban, mazbah; **2.** meja yg digunakan semasa upacara Perjamuan Suci di gereja.

al-Tawwab (at-Tawwab) Ar Yang Sentiasa Menerima Taubat (satu drpd 99 nama Allah).

alter ego (alter égo) (Latin) **1.** (Psi) personaliti kedua seseorang, aku yg kedua; **2.** sahabat yg rapat atau karib yg boleh dipercayai.

alternatif **1.** pilihan yg merupakan kemestian (keharusan); *hanya ada satu* ~ hanya ada satu pilihan (jalan) sahaja; **2.** satu pilihan antara dua kemungkinan.

alternator pengulang-alik.

alti ark cerdas pandai.

altimeter (altiméter) sj alat yg biasanya dipasangkan pd pesawat terbang utk menentukan atau mengetahui tinggi pesawat terbang itu dr aras laut.

altitud ketinggian sesuatu tempat (kawasan) yg biasanya diukur dr aras laut.

alto (Muz) **1.** nada suara nyanyian yg paling tinggi bagi lelaki dewasa atau yg paling rendah bagi wanita; **2.** penyanyi dgn suara

nyanyiannya paling tinggi bagi lelaki dewasa atau yg paling rendah bagi wanita.

altruis orang yg bersikap lebih prihatin terhadap kebahagiaan dan kebajikan orang lain.

altruisme sifat atau prinsip suka mengutamakan kebajikan atau kebahagiaan orang lain drpd diri sendiri.

altruistik bersikap lebih mengutamakan kebahagiaan dan kebajikan orang lain drpd kebahagiaan dan kebajikan diri sendiri.

alu I (alat) penumbuk padi dsb, antan;

(bagai) guna-guna, ~ sesudah menumbuk dicampakkan prb Mn dihargai waktu berguna dan jika tidak ada lagi perlunya dicampakkan (ditinggalkan); *(bagai) dihentak ~ luncung* prb Mn dialahkan oleh orang yg tidak pandai atau yg lemah; *bak ~ pencungkil duri* prb Mn tidak mungkin dapat dilakukan; *orang yg selancaran ~, atap yg berjahit, bendul bertekan* prb Mn perkauman yg dekat menurut adat.

alu II; mengalu-alukan 1. menyambut kedatangan tamu dll (dgn hormat dan mesra): *bekas murid ~ kedatangan cikgu*; **2.** menyambut baik sesuatu (spt bantuan, sesuatu tindakan, cadangan, dll): *persatuan itu ~ pengumuman yg dibuat oleh Menteri itu*; **3.** mengeluarkan kepala hendak menengok (menjenguk): *ia ~ kepalanya keluar tingkap utk melihat siapa yg memanggil.*

alu-alu sj ikan laut tropika yg agak besar dan bergigi tajam yg dianggap berbahaya kpd manusia, tenuk, *Sphyraena barracuda*.

alum I Jw layu;

mengalum menjadi layu, merana.

alum II (Kim) sj garam sulfat berganda bagi natrium dan kalium (digunakan utk membuat samak, bahan ubat, dll), tawas.

alumina (Kim) aluminium oksida semula jadi.

aluminium sj logam yg ringan (rupanya spt timah putih).

alumni siswazah atau lepasan sesebuah maktab atau universiti.

alun ombak yg memanjang dan tidak memecah, ombak yg bergulung-gulung: *perahu itu berayun-ayun dilenggang ~;*

beralun, beralun-alun **1.** berombak memanjang: *air laut yg ~; padi di sawah ~ -alun ditiup angin;* **2.** berbentuk tinggi rendah spt ombak (bkn rambut), berombak-ombak, ikal: *bahan-bahan pemeliharaan rambut menjadikan rambut berseri, bermaya dan ~;* **3.** berlagu atau berirama tinggi rendah, turun naik rentaknya (bkn suara);

mengalun, mengalun-alun **1.** mengombak memanjang, mengombak membuai-buai; **2.** berirama tinggi rendah, beralun: *suara azan ~ ke udara;*

mengalunkan menjadikan sesuatu (suara, lagu, dll) beralun (berirama tinggi rendah): *~ suara menyanyikan sebuah lagu asli;*

alunan **1.** perihal (keadaan atau gerakan dsb) mengalun: *olengan kapal, ~ gelombang menyebabkan kepalanya pening;* **2.** irama atau rentak tinggi rendah: *~ suara biduanita yg terkenal.*

alun-alun Jw tanah lapang di muka keraton (istana) atau kabupaten.

alung **1.** sj permainan guli (permainan kanak-kanak); **2.** sr kata yg digunakan dlm permainan guli ketika hendak melemparnya.

alur **1.** lekuk memanjang (pd tanah, kayu, dll), lurah; *~ di dlm redang tempat lalu perahu di dlm redang;* **2.** Mn jalan (aturan adat) yg benar; **3.** jalan (aturan, landasan, dsb) yg diikuti ke arah sesuatu matlamat dll: *sudah jelas ~ matlamat perjuangan;*
~ air aliran air (semacam parit kecil); ~ bibir = ~ hidung lekuk di bibir atas di bawah hidung; ~ kapal riak air di belakang sesebuah kapal yg sedang bergerak, keracak; ~ sungai dasar sungai yg lekuk dalam dan memanjang; ~ tanggam sj lurah sambungan pd perkakas

kayu; ~ *tenggala* alur yg terjadi apabila membajak; ~ *tengkuk* lekuk di tengkuk; ~ *bertempuh*, *jalan berturut* prb dilakukan menurut adat (kebiasaan yg lazim);

beralur 1. ada alurnya, berlekuk, berlurah: *laras senapang itu ~*;
2. Mn bermesyuarat (mencari jalan yg benar); *habis ~ maka beralu-alu* prb jika dgn jalan mesyuarat tidak tercapai persetujuan, baharulah digunakan kekerasan;

mengalur-alur (menjadi) spt alur; *dadanya ~ dadanya* spt alur (ia kurus sekali);

aluran 1. = **alur-aluran** lekuk memanjang (di sungai dll); **2.** = ~ *adat* Mn jalan adat yg sebenarnya (yg betul).

alur-alur sj tumbuhan (pokok di pantai laut), *Suaeda maritima*.

alusi perbuatan membayangkan atau merujuk kpd sesuatu secara tidak langsung.

alusmitai halwa rambut.

aluvium (Geo) tanah halus yg subur hasil drpd mendapan lumpur, pasir, selut dsb semasa banjir, terutamanya di dataran banjir, dasar sungai, dan muara, lanar.

alveolus (alvéolus) (Bio) **1.** pundi udara yg halus dlm paru-paru tempat berlakunya pertukaran gas oksigen dan karbon dioksida; **2.** rongga dlm rahang tempat tertanamnya akar gigi.

al-Wadud Ar Yang Maha Mengasihi orang yg beriman kpd-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

alwah Ar kayu gaharu.

al-Wahhab Ar Yang Maha Pemberi (satu drpd 99 nama Allah).

al-Wahid Ar Yang Maha Esa (satu drpd 99 nama Allah).

al-Wajid Ar Yang Maha Memperoleh Segala Sesuatu Yang Dikehendaki-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

al-wakalah konsep perbankan Islam yg merujuk kpd suatu keadaan apabila satu pihak, mis pelanggan menamakan satu pihak yg lain, mis bank utk bertindak bagi pihaknya.

al-Wakil Ar Yang Maha Pelindung (satu drpd 99 nama Allah).

al-Wali Ar Yang Maha Memberikan Pertolongan (satu drpd 99 nama Allah).

al-Wali (al-Wāli) Ar Yang Maha Memiliki dan Memerintah Segala Sesuatu (satu drpd 99 nama Allah).

al-Waris (al-Warith) Ar Yang Kekal Memusakai (setelah musnahnya alam ini) (satu drpd 99 nama Allah).

al-Wasik (al-Wasi‘) Ar Yang Maha Luas Ilmu dan Rahmat-Nya (satu drpd 99 nama Allah).

alwat → **alwah**.

al-Zahir (az-Zahir) Ar Yang Menzahirkan Kewujudan (satu drpd 99 nama Allah).

am 1. berkaitan dgn semua orang (tidak terbatas atau terkhusus kpd orang atau golongan tertentu), umum (lwn khas): *hari kelepasan* ~; *kebajikan* ~; *orang* ~ orang kebanyakan, orang banyak, orang biasa; **2.** tidak terbatas atau terkhusus kpd sesuatu bidang (lapangan dsb) tertentu: *pengetahuan* ~ ; *perkara-perkara* ~; **mengamkan** menyediakan dsb utk orang banyak, mengumumkan (tidak mengkhususkan).

Am simbol kimia bagi amerisium.

amah perempuan yg bekerja sbg pembantu rumah, orang gaji.

amal 1. apa sahaja yg dilakukan, perbuatan, pekerjaan: *banyak* ~, *sedikit bicara*; **2.** perbuatan baik (yg mendatangkan faedah kpd orang lain): *bersedekah ialah satu drpd* ~ *kebajikan*; ~ *ibadat* perbuatan mengerjakan perkara-perkara yg diwajibkan oleh ajaran agama (spt bersembahyang, berpuasa, mengeluarkan

zakat, dll); ~ *jariah* perbuatan yg diredai Allah utk kepentingan atau faedah masyarakat (spt berderma, menolong orang dlm kesusahan, dll), kebajikan kpd orang ramai;

beramal **1.** berbuat amal, berbuat kebajikan: *ia seorang yg suka ~*;
2. = ~ *ibadat* mengerjakan amal ibadat: *tebal imannya dan rajin ~*;
3. melakukan sesuatu sbg suatu kebiasaan;

mengamalkan **1.** melaksanakan, mempraktikkan, melakukan (sbg suatu kebiasaan): *pemuda itu ~ falsafah hidup baharu*; ~ *segala yg telah dipelajari*; *kerajaan Malaysia ~ sistem demokrasi berparlimen*; **2.** membiasakan diri melakukan sesuatu (sehingga menjadi tabiat atau kebiasaan): ~ *bangun pagi-pagi dan bersenam*; ~ *makan buah-buahan tempatan*;

amalan **1.** sesuatu yg dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan, dsb) sbg suatu kebiasaan; *pd ~nya* yg sebenarnya berlaku atau terdapat, pd praktiknya, pd kebiasaannya: *pd ~nya, hanya sebuah parti politik dan sebuah kesatuan sekerja sahaja yg dibenarkan bergerak dlm sesebuah ladang*; **2.** perbuatan baik, kebajikan;

pengamalan **1.** perihal mengamalkan: ~ *sistem perhambaan*; **2.** kesungguhan hati mengerjakan sesuatu; **3.** pelaksanaan;

pengamal orang yg bergiat dlm sesuatu profesion (sbg pekerjaan sehari-harinya): ~ *perubatan*; ~ *undang-undang*.

amalgam (Kim) aloi merkuri dgn satu atau lebih bahan lain, utk menampal gigi, membuat cermin, dll; ~ *zink* aloi merkuri dan zink.

amali bkn pelaksanaan prinsip atau teori (yg dipelajari dsb), berasaskan pengamalan (pelaksanaan) sebenar sesuatu ilmu pengetahuan dsb: *selain mengikuti kuliah, bakal guru itu juga menjalani pelbagai latihan ~*.

amaliah Ar berkaitan dgn amalan: *antara dua keutamaan ilmiah dan ~*.

aman **1.** bebas drpd keadaan kacau-bilau (spt peperangan, pergaduhan, permusuhan, dsb), sentosa, tenteram: *ia menghendaki hidup ~ dan sejahtera; negeri yg ~*; **2.** bebas drpd gangguan atau sesuatu yg tidak menyenangkan, damai, tenang, tenteram: *suasana yg ~*; **3.** amanah, pesan: *begitulah ~ raja kpd puteranya*;

mengamankan **1.** menjadikan aman (tenteram, tenang), menyentosa, menenteramkan: *rundingan-rundingan itu bertujuan utk ~ keadaan di Timur Tengah yg sentiasa bergolak; utk ~ perasaannya yg kacau, ia membaca buku agama*; **2.** menyerahkan kpd orang supaya selamat, mengasingkan (dlm tahanan): *~ penjahat dlm penjara*;

keamanan keadaan yg aman, kesentosaan, ketenangan, ketenteraman: *kerajaan harus menjamin ~ jiwa dan harta benda rakyat; ~ pd akal fikiran*;

pengamanan perbuatan (usaha dsb) mengamankan, penenteraman;

pengaman orang (pihak) yg mengamankan.

amanah **1.** = **amanat** sesuatu yg dipercayakan kpd orang (diserahkan utk disimpan dll): *bungkusan-bungkusan ini ialah ~ orang*; **2.** kepercayaan yg diletakkan kpd seseorang; **3.** = **amanat** keamanan, ketenteraman: *bahagia dan ~*; **4.** kepercayaan, boleh dipercayai, jujur; *pecah ~* perbuatan mensia-siakan amanah (kepercayaan) orang dll (dgn menipu dsb); *orang ~* orang yg boleh dipercayai; **5.** (Eko) hak yg boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah utk mendapatkan faedah drpd sesuatu harta; **6.** (Eko) peraturan yg menentukan tujuan dan pentadbiran harta amanah; *~ saham* skim pelaburan yg dikendalikan dan diurus oleh sesebuah organisasi bagi pihak pelabur: *A~ Saham Bumiputera; A~ Saham Mara; A~ Saham Nasional*; **7.** ark pesan, amanat;

beramanah ark beramanat;

mengamanahkan 1. mempercayakan (menyerahkan kepercayaan) kpd, menyerahkan (utk disimpan, dilakukan sesuatu, dsb): *lombong-lombong itu dikuasai oleh orang-orang yg diamanahkan oleh raja; barang dagangan yg diamanahkannya kpd Nakhoda Jaya; 2.* ark mengamanatkan;

pengamanahan perihal (perbuatan, tindakan dsb) mengamanahkan: *penyerahan tepak sirih ini bermakna rasmi lah upacara ~ tanggungjawab kpd pembawa adat;*

pengamanah orang atau badan dsb yg memegang (menguruskan, melaksanakan, dll) sesuatu amanah, pemegang amanah: *~ boleh membuat perisytiharan bagi pembentukan badan amanah tersebut.*

amanat Ar 1. pesanan, wasiat, nasihat: *itulah ~ orang tuanya kepadanya; penentuan itu diterima oleh orang-orang Islam sbg suatu ~ Khalifah yg wajib ditaati; 2.* amanah;

beramanat menyampaikan (memberikan, meninggalkan) pesan, berpesan;

mengamanatkan memberikan amanat kpd, menyampaikan pesanan, menasihati: *Perdana Menteri ~ rakyat supaya bertekun menghadapi segala kesulitan.*

amang I tahi bijih timah, kotoran pd bijih timah dll: *kurang elok karangnya kerana banyak ~ di dalamnya; ~ bijih.*

amang II; mengamang, mengamang-amang, mengamangi menakuti (dgn mengacukan senjata), mengancam, menggugat: *diambilnya kerisnya lalu diamanginya lawannya.*

amangku Jw yg menjaga, yg memelihara; *A~ Buana* yg menjaga dunia (gelaran Sultan Jogjakarta); **mangku.**

amangkurat Jw amangku buana (gelaran Sultan Mataram).

amansari sj penganan yg dibuat drpd kacang hijau dan nyiur.

amanuensis (amanuénsis) IB pembantu yg ahli dlm makmal kimia atau fizik (terutama di sekolah).

amar I Ar perintah, suruhan (Tuhan, raja): *menurut ~ Allah; ~ makruf (nahi mungkar)* perintah supaya mengerjakan perbuatan atau amalan yg baik (dan menjauhi perbuatan atau amalan yg jahat);

mengamarkan memerintahkan, menyuruhkan;

amaran 1. perintah, suruhan; **2.** peringatan (yg keras): *membuang kerja dgn tidak memberi ~ terlebih dahulu; ~ lisan* peringatan keras yg diberikan secara lisan (tidak menerusi surat rasmi).

amar II gelaran: *Seri A~ Diraja*.

amarah marah: *tidak dapat menahan nafsu ~*.

amat I sangat: *~ mahal; ~ terkejut; ~ sangat* tersangat, terlampau, terlalu;

memperamat, memperamat-amat, memperamatkan, memperamat-amatkan memperhebat, mempersangat: *~ pukulan;*

teramat tersangat, terlampau sangat: *yg ~ mulia;*

keamatan 1. keadaan yg amat sangat; **2.** darjah (kekuatan, kehebatan, dsb) yg amat tinggi.

amat II; mengamati, mengamati-amati 1. memerhatikan benar-benar, melihat dgn teliti: *ia ~ muka tunangannya;* **2.** meneliti, mengawasi: *segala gerak-geri orang yg dicurigai diamat-amati oleh polis;*

pengamatan, pengamat-amatan pengawasan, penelitian: *drpd ~ saya yg sungguh-sungguh, saya mendapat kesan bahawa dialah yg bersalah;*

pengamat pengawas.

amatur bkn kegiatan (spt sukan, kesenian, dll) yg dilakukan sbg suatu kegemaran dan bukan utk mencari wang: *pelakon ~ sandiwara; pemain bola ~*.

amaturisme faham bahawa sesuatu kegiatan, mis sukan, dilakukan bukan utk mendapatkan ganjaran wang, tetapi utk kepuasan dan keseronokan.

amaun banyaknya, jumlah: *komoditi yg memerlukan ~ bahan yg berbeza utk pengeluarannya akan mempunyai berlainan nilai.*

ambah IB pertukangan: *sekolah ~.*

ambah-ambah Jk penyakit sampar.

ambai I sj tangguk penangkap ikan, belat langgai;

mengambai menangkap ikan (udang dll) dgn ambai, menangguk.

ambai II; berambai-ambai bercucuran, berpercikan: *air matanya ~;*

mengambai-ambaikan memercikkan (air dll).

ambai-ambai I sj tumbuhan (bendalu), *Rafflesia hasseltii.*

ambai-ambai II sj ketam.

ambak Mn tambak;

mengambak menambak, menggalang; *subur kerana dipupuk, besar kerana diambak = besar diambak, tinggi dianjung prb Mn besar (tinggi) kedudukan kerana dimuliakan oleh anak buah.*

ambal I hamparan, permaidani.

ambal II; berambal-ambalan berarak-arakan;

ambalan perarakan, kumpulan (orang berarak), pasukan.

ambal III; mengambal melihat dgn ekor mata, menjeling.

ambal IV; mengambal Mn menambak, menimbun tanah.

ambalela (ambaléla) Jw; *aksi ~ lagak hendak menentang (tetapi sebenarnya tidak melawan); → balela.*

ambang I 1. balak (kayu) yg melintang di atas (pd pintu atau jendela), kayu palang (antara dua tiang dll); *di ~ pintu di muka pintu: jangan duduk di ~ pintu pd waktu senja; 2.* waktu atau peringkat sejurus sebelum berlakunya atau terjadinya sesuatu, titik permulaan (sesuatu peristiwa, pengalaman, dll): *orang Melayu sudah berada*

di ~ perubahan; pertunangan menjalin ikatan dua insan yg bakal menempuh ~ perkahwinan; sudah *di* ~ pintu sudah dekat sekali (saatnya, terjadinya sesuatu);

mengambang merintang, menahan.

ambang II; mengambang, mengambang-ambang, terambang, terambang-ambang terkatung-katung atau terapung-apung (di udara), melayang-layang: *bulan mulai ~ di langit sebelah timur*; → **kambang**.

ambar Ar sj barang yg harum baunya (ada yg berasal dr perut ikan laut, ada dr sj damar); jenis-jenisnya: ~ batu, ~ kuning, ~ ikan, ~ kesturi, ~ bunga, ~ darah.

ambasador duta besar.

ambat; pengambat Br sj alat (kayu, rotan, dll) utk memukul.

ambau I pelampung perahu, gandung (bambu yg dipasang di kiri kanan).

ambau II; mengambau Mn **1.** terjun; **2.** ki menyerah (kerana telah putus ikhtiar);

terambau terjatuh.

ambek; mengambek Jw marah, merajuk: *si adik mesti ~*;

ambekan 1. nafas, bernafas; **2.** pamarah, lekas marah, giat; **3.** perangai, tabiat.

ambelar Jk tali yg dipakai pd sj permainan guli sbg tanda.

ambelas, ambeles Jw **1.** masuk ke dlm (air, lumpur dll); **2.** hilang lenyap.

ambelu; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Psychotria ovoidea*.

amben Jw emban, ikat pinggang.

amben (ambén) Jw balai-balai, geta.

amberal IB admiral, laksamana.

amberol Jk runtuh, roboh.

amberuk Jk runtuh, roboh.

ambet Jk lampin, bebat (kanak-kanak yg baru lahir).

ambi Kl hati-hati, ingat-ingat;

berambi berhati-hati, beringat-ingat.

ambien bkn keadaan persekitaran.

ambiguiti kesamaran yg memungkinkan dua atau beberapa tafsiran, ketaksaan: *puisi-puisi M. Ghazali misalnya dianalisis oleh Shahnnon melalui kecenderungan ~ yg ketara.*

ambil; *jangan ~ berat* jangan pedulikan sangat; *tidak ~ pusing* tidak peduli;

ambil-mengambil, berambil-ambilan **1.** saling mengambil, saling menerima; **2.** = **seambilan** kahwin-mengahwini (antara dua keluarga, kaum, dll);

mengambil **1.** memegang (memungut, memetik, dll) sesuatu serta menyimpannya atau membawa pergi dll, menerima dan menyimpan sesuatu: *dia ~ surat yg saya berikan itu dan menyimpannya di dlm laci*; **2.** memegang dan menarik dsb keluar (dr saku, beg, dll): *~ wang dr kocek; dia ~ sebetuk cincin dr kotak itu*; **3.** pergi ke sesuatu tempat dan kembali dgn membawa sesuatu atau seseorang yg dikehendaki (diperlukan dsb), mendapatkan atau memperoleh (sesuatu yg diperlukan): *~ rotan di hutan; ~ air di perigi; dia ke hospital utk ~ ubat; pergi ke sekolah utk ~ anak*; **4.** memperoleh (membawa pergi dsb) sesuatu kepunyaan orang tanpa pengetahuannya atau dgn tidak mendapatkan kebenarannya: *siapa agaknya yg telah ~ fail yg terletak di atas meja itu tadi?* **5.** menerima seseorang dlm sesuatu hubungan yg tertentu: *dia sedia ~ Milah sbg isterinya; ~ Ahmad sbg rakan kongsi perniagaan*; **6.** menuliskan (keterangan, penjelasan, dsb), mencatatkan: *seorang pegawai polis sedang ~ keterangan drpd beberapa orang yg menyaksikan kejadian itu*; **7.** mengurangi: *delapan diambil dua menjadi enam*; **8.** menerima (utk belajar, bekerja, dsb): *syarikat itu*

akan ~ lebih ramai lagi pekerja bumiputera; 9. mempelajari, mengikuti: seseorang pelajar dikehendaki ~ sekurang-kurangnya empat mata pelajaran; 10. menerima atau meniru (unsur kebudayaan asing dll): kalau mereka berbahasa Melayu, mungkin juga mereka akan ~ cara hidup Melayu; 11. menggunakan atau memenuhi (ruang, tempat, masa, dll): kisah perbicaraan itu ~ ruang melebihi dua halaman;

~ akan saudara menganggap spt saudara; ~ anak a) memungut anak, mengambil utk dijadikan anak; b) (Sumatera) peraturan perkahwinan dgn si isteri tidak perlu keluar dr rumah orang tuanya; ~ angin menghirup hawa yg baik; ~ bahagian turut serta, menyertai; ~ bena peduli, mengambil endah; ~ berat memberikan perhatian (minat, layanan) yg istimewa (kpd atau terhadap sesuatu atau seseorang); ~ berkat mengambil tuah atau pengaruh baik (drpd orang tua, orang suci, dll); ~ contoh = ~ ibarat a) memberi sbg umpama; b) mencontohi; ~ di hati = ~ ke hati memasukkan di hati; ~ gambar membuat (menghasilkan) gambar dgn menggunakan kamera; ~ haluan menentukan haluan, mengarah; ~ hati a) memikat hati; b) berasa tersinggung, berasa kecil hati; ~ ingatan memasukkan ke dlm ingatan; ~ jalan mengikuti (menempuh) sesuatu jalan; ~ keputusan memutuskan, menentukan; ~ kesempatan = ~ peluang menggunakan kesempatan (dgn sebaik-baiknya); ~ kira mempertimbangkan, memperhitungkan; ~ langkah a) mulai hendak berjalan (berlari, melompat, dll); b) mulai bertindak; ~ masa menggunakan (memerlukan, memakan) masa; ~ menantu menjadikan menantu; ~ muka berbuat sesuatu dgn maksud supaya dipuji; ~ nyawa menyebabkan mati, mematikan; ~ oper Id menerima drpd orang lain (utk dipakai, diberi, dll); ~ panjang a) menjadikan urusan panjang; b) memaafkan kesalahan-

kesalahan; ~ *peduli* = ~ *pusing* mempedulikan, menghiraukan; ~ *pekerja* (*kakitangan, pegawai*) menerima atau mendapatkan pekerja (*kakitangan, pegawai*) baru; ~ *ringkas* (*simpan, singkat*) meringkaskan, mengikhtisarkan; ~ *semangat* menarik semangat drpd badan orang (bkn bomoh dll); ~ *sempena* mengambil berkat (dr), di samping terdapatnya (berlakunya dsb) sesuatu yg baik; ~ *senang* menganggap senang (mudah) sahaja; ~ *tahu* mencari maklumat (khabar) berkenaan sesuatu, mengetahui; ~ *tanah* a) = ~ *kota* = ~ *negeri* merampas (tanah, kota, negeri); b) upacara dlm perayaan Hassan Husain; ~ *teladan* mencontohi, mengambil contoh; ~ *tindakan* mulai bertindak; ~ *ujian* a) menduduki sesuatu ujian (peperiksaan di sekolah, ujian memandu kereta, dll); b) Id memberi peperiksaan, memeriksa (guru dll); ~ *untung* memperoleh (mendapatkan) keuntungan drpd sesuatu jualan; ~ *upah* mengerjakan (melakukan) sesuatu utk orang lain dgn atau utk mendapat upah;

mengambilkan mengambil utk: *ia ~ anaknya buah-buahan*;

ambilan yg diambil, sesuatu (hasil) yg diambil: *temasya Safar ialah ~ drpd adat Hindu; salah ~ salah sangka*;

pengambilan 1. perbuatan (usaha, cara, dsb) mengambil, pemungutan, pengutipan: *kita terpaksa menambah ~ orang-orang baru*; 2. pendapat, pengetahuan; *sepanjang ~ saya sepanjang pengetahuan saya*;

pengambil orang yg mengambil; ~ *bahagian* orang yg mengambil bahagian, peserta.

ambil alih; mengambil alih menggantikan orang atau pihak lain mengendalikan (menguasai dsb) sesuatu;

pengambilalihan hal (perbuatan, tindakan) mengambil alih: ~ *tanah drpd petani telah dibuat*.

ambin kain (tali dll) utk menggendong barang atau mengikat anak yg digendong;

berambin; ~ *lutut* duduk dgn lutut diikat dgn tali yg dikalungkan di leher;

mengambin menggendong dgn ambin;

ambinan barang yg diambin, gantungan.

ambing I puting susu.

ambing II → **umbang-ambing**.

ambisi Id keinginan (keghairahan) mendapatkan sesuatu kedudukan (pangkat dll).

ambivalen mempunyai perasaan yg bertentangan terhadap seseorang, sesuatu atau keadaan (spt rasa benci dan rasa sayang kpd seseorang pd masa yg sama).

amboi sr kata utk menyatakan rasa hairan (kasihan dll) atau utk mengusik seseorang: ~, *lajunya kereta ini!*; ~, *cantik sungguh awak hari ini!*

ambon; *pisang* ~ sj pisang yg besar dan manis, pisang embun.

ambring; **ambring-ambringan** Jk tidak keruan, tidak menentu (hilang akal dll).

ambu-ambu 1. sj ikan laut, air kurik, kayu, tongkol (coreng), *Euthynnus alleteratus*; **2.** sj ikan laut, air semambu, tongkol, *Germo sibi*.

ambuh Jk ark sudi; → **embuh I**.

ambul; **mengambul 1.** memantul, menganjal, melambung kembali (spt bola yg dilemparkan ke tanah dll); **2.** tenggelam serta timbul kembali.

ambulan (Ubat) berupaya utk berjalan, bukan setakat terbaring sahaja (bkn pesakit).

ambulans kenderaan yg digunakan khas utk membawa orang sakit atau cedera (ke hospital).

ambung I keranjang atau karung yg digunakan utk membawa barang di atas belakang; *masuk ~ tak masuk bilang* prb kalau mengerjakan sesuatu yg besar, yg kecil-kecil tidak diperhatikan;

mengambung membawa dgn ambung.

ambung II; mengambung, mengambungkan 1. melambungkan, melemparkan ke atas: ~ *bola*; **2.** mengumbang-ambungkan: *kapal itu diambung-ambungkan gelombang spt tempurung*; ~ *diri* a) menghempaskan diri; b) meninggikan diri, menyombong; **3.** = **mengambung-ambungkan** mengangkat-angkat, menyanjungnyanjung, memuja-muja: *suka diambung-ambungkan orang*.

ambung III Jw; **mengambung** mencium.

ambung-ambung sj tumbuhan (pokok kecil yg hidup di pantai), merambung, pelampung, *Scaevola frutescens*.

ambur I; mengambur Mn terjun (ke dlm air); → **hambur II**.

ambur II Br tabur, hambur; *padi ~ sj padi* yg ditanam secara dihambur atau ditabur benihnya.

ameba (améba) (Bio) sj hidupan satu sel yg senantiasa berubah bentuknya, terdiri drpd berbagai-bagai jenis (hidup dlm air atau juga dlm tubuh binatang dan manusia sbg parasit).

ameboid (améboid) (Bio) berkaitan dgn atau menyerupai ameba, sama ada dr segi bentuk, struktur atau pergerakan.

amek (amék) Id ambil.

ameliorasi (améliorasi) (Lin) perubahan makna sesuatu kata drpd makna yg kurang elok kpd makna yg lebih baik, mis *canggih* yg dahulunya bermakna *terlalu banyak bercakap* berubah kpd *moden dan hebat*.

amen (amén); **mengamen** Jk berjalan dr rumah ke rumah sambil bernyanyi dan bermain muzik: *dia pergi ~*;

pengamen orang yg mengamen: *ia temui satu rombongan ~ keroncong.*

amende bp apa benda.

amendemen (améndemén) Id usul pindaan rang undang-undang yg dibahasakan dlm parlimen dll.

amenorea (aménoréa) (Ubat) ketiadaan (terhentinya) haid secara abnormal.

Amerika (amérika) = ~ *Syarikat* negara di Amerika Utara yg ibu negaranya Washington D.C;

mengamerikakan membuat, menyebabkan, atau menjadikan seseorang atau sesuatu mempunyai (mengikut, menyerap dsb) ciri atau nilai hidup (budaya, adat dsb) Amerika: *beliau menyifatkan sebarang penarikan semula sekatan senjata akan ~ konflik di negara Balkan itu;*

keamerikaan hal yg berkaitan dgn ciri-ciri (nilai, amalan, adat, dsb) kehidupan, budaya dsb orang Amerika: *sarjana sastera di Amerika Syarikat kini lari kpd teori yg berkembang di Eropah dgn meninggalkan ~ yg melekat pd ideologi baru;*

pengamerikaan perihal (proses, perbuatan dsb) mengamerikakan: *ini bukanlah bermakna bahawa proses ~ tidak ditanggap sbg ancaman kpd identiti budaya pd satu-satu tahap.*

Amerikanisme (amérikanisme) budaya (amalan hidup) orang Amerika Syarikat.

amerisium (amérisium) (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

amfetamina (amfétamina) (Ubat) sj dadah sintetik yg digunakan, terutamanya sbg perangsang.

amfibia jenis binatang berdarah sejuk (spt katak) yg hidup di dlm air pd peringkat awal hayatnya dan di darat kemudiannya (setelah besar);

kapal terbang ~ kapal terbang yg dapat mendarat di air dan di darat; *kereta kebal* ~ kereta kebal yg dapat berjalan di darat dan di air.

amfiteater (amfitéater) **1.** sj bangunan yg bentuknya bulat atau bulat bujur dan tidak berbumbung dgn tempat duduk bertingkat-tingkat di sekeliling ruang yg terbuka, biasanya digunakan sbg tempat persembahan acara hiburan, bersukan dsb; **2.** deretan tempat duduk bertingkat-tingkat di dlm dewan, panggung dsb yg disusun dlm bentuk separa bulat.

amfiun Ar candu.

amfoterik (amfotérik) (Kim) bkn sesuatu bahan (spt aluminium hidroksida) yg mempunyai kedua-dua ciri asid dan bes.

amil I Ar orang yg diberi tauliah (kuasa) utk memungut zakat (dan berhak menerima zakat).

amil II sj siput laut.

amilase (Bio) enzim yg menghuraikan kanji dan glikogen menjadi gula ringkas spt glukosa.

amilolisis (Bio) pencernaan kanji atau bahan berkanji menjadi gula.

amin Ar **1.** perkenankanlah ya Allah doa kami (lazimnya disebut semasa berdoa): *doa itu diakhiri dgn mengucapkan ~; bertadah* ~ bertadah tangan sambil mengucapkan amin; **2.** orang yg dapat dipercayai dgn sesuatu amanah;

mengamini, mengaminkan **1.** menutup doa atau menyahut bacaan doa dgn mengucapkan amin: *lebai pun membaca doa dan semua yg hadir ~*; **2.** ki membenarkan, mengiakan, menyetujui: *apa yg dikatakannya diaminikan saja oleh pengikut-pengikutnya.*

amin-amin sj tumbuhan (pokok), *Sebastiana chamaelea*; ~ buah sj tumbuhan (pokok), dukung(-dukung) anak, rami buah, turi hutan, *Phyllanthus niruri*.

amino (Kim) mengandungi atau terdiri drpd satu atom nitrogen dan dua atom hidrogen ($-NH_2$) (bkn bahan kimia dsb): *asid ~; kumpulan ~*.

amir Ar **1.** orang yg memegang perintah, pemimpin; *~ al-bahar = amirulbahar* laksamana; *~ almukminin, amirulmukminin* pemimpin sekalian orang Islam (gelaran khalifah dan sultan yg besar-besar); *~ haji = ~ al-haj = amirulhaj* pemimpin jemaah haji; **2.** ark gelaran wakil Sultan Riau di Pulau Tujuh.

amirulbahar Ar laksamana; → □ **amir**.

amirulhaj Ar pemimpin jemaah haji; → **amir**.

amirulmukminin Ar pemimpin umat Islam; → **amir**.

amit I Jw; **pengamitan** pemberian mempelai kpd mentua tatkala meninggalkan rumah mentuanya.

amit II Sr makanan ringan yg tidak mengenyangkan dan dimakan semasa berehat: *penjualan ~ di kantin sekolah perlu dikawal kerana boleh menjejaskan kesihatan pelajar*.

amko ark Id sj motokar kecil (dipakai sbg teksi).

amma Ar sl adapun, akan; → **ammabakdahu**.

ammabakdahu Ar ammabakdu.

ammabakdu Ar adapun kemudian drpd itu (digunakan dlm surat).

ammeter (amméter) (Fiz) alat utk menyukat arus elektrik.

ammi buta huruf; **ummi II**.

ammonia (Kim) gas yg tidak berwarna, berbau sengit dan menusuk hidung, merupakan sebatian drpd hidrogen dan nitrogen (digunakan dlm pembuatan baja dll);

terammonia telah bercampur dgn ammonia.

AMN kep Ahli Mangku Negara (pingat yg dikurniakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong).

amnesia (amnésia) kehilangan daya ingatan.

amnesti (amnési) pengampunan (pembebasan drpd hukuman) biasanya kpd orang yg telah melakukan kesalahan terhadap negara (spt memberontak dsb).

amnion (Bio) selaput paling dalam yg menyelaputi embrio mamalia, burung dan reptilia.

amoi C anak perempuan, gadis (biasanya digunakan sbg panggilan kpd gadis Cina).

amonit fosil cangkerang yg berbentuk lingkaran.

amor (Latin) anak dewi Venus (dewi percintaan).

amorfus (Kim) bkn pepejal (spt jelaga, kaca, dll) yg bukan hablur atau tidak dapat membentuk hablur.

ampai **1.** panjang (tinggi) dan ramping, lampai; **2.** = *jari* ~ sj rotan utk menyesah (memukul); **3.** = **ampaian** tali (dawai dsb) yg diregangkan atau galah tempat menjemur pakaian: *dia menjemur pakaian di ~ di belakang rumah*;

mengampai **1.** bergantung spt di ampai(an); **2.** menjemur: ~ *tembakau*;

mengampaikan **1.** menggantungkan (menyangkutkan) pd ampaian utk menjemur (pakaian dll), menyidaikan, menyampaikan: ~ *pakaian yg sudah dicuci*; **2.** menyampirkan: ~ *kain*; **3.** menyandakan: ~ *dirinya pd tembok*;

terampai **1.** tergantung spt di ampaian, tersidai; **2.** tersampir; **3.** tersandar(kan); **4.** tidak mendap, terapung; ~ *jemur* Mn waktu pagi kira-kira pukul lapan;

ampaian **1.** bahan yg terampai di dlm cecair; **2.** (Kim) serakan zarah-zarah di dlm cecair atau gas; ~ *koloid* serakan zarah-zarah pepejal yg halus di dlm cecair.

ampai-ampai **1.** sj binatang laut yg badannya spt agar-agar (berjurai-jurai tepinya); ubur-ubur; **2.** = *pohon* ~ sj tumbuhan (pokok).

ampama, ampamar bp penyampai rahsia kpd polis dll, hantu mata-mata.

ampang I bendung; ~ *sampai ke seberang, dinding sampai ke langit* prb dikatakan bkn persahabatan yg sudah putus dan tidak akan berbaik lagi atau bkn pekerjaan yg tidak alang kepalang; → **empang I**.

ampang II ringan, mudah.

ampe (ampé) Jw sampai.

ampean (ampéan) Jw gundik, selir.

ampek Jk bengik, mengah.

ampel (ampél) Jw buluh, bambu.

ampela Jk empedal ayam.

ampere (ampére) (Fiz) unit sukatan arus elektrik.

ampiar → □ **ampere**.

ampit; *anak* ~ sj ikan darat, ikan pelaga, sempilai.

amplifier alat yg dihubungkan pd mikrofon (pd pesawat radio dsb) utk menghasilkan bunyi yg lebih kuat.

amplitud (Fiz) nilai mutlak maksimum yg dicapai oleh sesuatu gangguan pd gelombang atau mana-mana kuantiti yg berubah mengikut kala tertentu.

amplop IB **1.** sampul surat; **2.** wang rasuah (yg dibubuh di dlm sampul surat).

ampo Jw napal (sj tanah merah yg boleh dimakan).

ampu I; mengampu 1. sl menahan di bawah (dgn telapak tangan), menyokong dr bawah (supaya tidak jatuh, runtuh, dsb): *kain baju diampu oleh hamba raja*; **2.** sl = **mengampukan** memerintah (negeri, kerajaan): *yg pertama ~ negeri Pasai ialah Sultan Malikul-Saleh*; **3.** ki mengangkat, menyanjung (utk menyukakan seseorang supaya mendapat sesuatu faedah daripadanya): *siapa yg*

pandai ~nya akan mendapat segala sesuatu daripadanya; ~ bodek
bk mengangkat (supaya mendapat sesuatu);

pengampu 1. penahan, penyangga, penyokong; ~ *susu* baju dalam perempuan, coli, kutang; **2.** orang yg memerintah negeri; **3.** orang yg menjaga keselamatan seseorang, wali, orang tua; **4.** orang yg mengangkat-angkat (suka menyanjung) seseorang, orang yg mengampu.

ampu II Mn empu; ~ *kaki* ibu jari kaki.

ampuh I Jw bertuah, mujarab, sakti: *keris* yg ~;

keampuhan kesaktian, kemujaraban: *aku terbangun drpd ~ doa* yg diucapkan oleh hati pasrah.

ampuh II Mn **1.** bah, banjir, lembak, sebak; *air* ~ air bah; **2.** hanyut: *padinya ~ oleh banjir*;

mengampuhkan menggenangi, melembak; ~ *sawah* mengairi sawah;

keampuhan tergenang oleh air, kebanjiran, kegenangan.

ampuh III; pengampuh; *layar* ~ layar yg tertinggi letaknya.

ampuk I Sr tidak kena pd sasaran dr arah yg dilepaskan: *bola* yg di atas botol itu tidak jatuh kerana tembakan peluru gabusnya ~.

ampuk II; *burung* ~ sj burung, burung sentali, burung teteguk, burung tukang besi.

ampul I; mengampul menjadi besar, mengembang (spt kacang direndam dll).

ampul II Sb bkn kayu (papan dll) yg ringan, lembut, dan dapat timbul di permukaan air.

ampun kebebasan drpd hukuman (kerana dosa atau kesalahan yg telah dilakukan), maaf: *meminta ~ atas segala kesalahan*;

mengampuni memberi ampun (kpd seseorang), memaafi (seseorang): *baginda mempunyai kuasa utk ~ orang salah*;

mengampunkan memberikan ampun (akan sesuatu), memaafkan (kesalahan dsb seseorang): *mudah-mudahan Tuhan jua akan ~ dosa hamba-Nya;*

terampun telah atau dapat diampuni atau diampunkan: *dia menangis kerana dosanya dgn emak dan ayah belum lagi ~; jika orang yg berkenaan bersetuju memaafkannya, insya-Allah dosa umpatan itu ~;*

ampunan 1. = **keampunan** ampun maaf: *menunggu-nunggu ~ drpd orang tuanya; 2.* = **pengampunan**;

pengampunan pembebasan drpd hukuman dan tuntutan: *~ kpd pegganas-pegganas yg telah insaf dan menyerah diri;*

pengampun yg suka mengampuni: *Tuhan Yg Maha Pengasih dan Maha P~.*

ampung → **apung**.

amput; **mengamput** bk bersetubuh;

amputan bk **1.** kemaluan perempuan; **2.** gundik.

amputasi (Ubat) pemotongan sebahagian anggota badan spt kaki atau tangan, dlm sesuatu pembedahan akibat penyakit atau kecederaan teruk.

amra I bp tukang (pandai) senjata.

amra II (Sanskrit) **1.** sj mempelam (rupanya spt kedondong); **2.** kedondong; *~ jangan disangka kedondong prb sebelum kita mencuba janganlah kita sangka sesuatu itu buruk kerana rupanya saja.*

amril kertas empelas.

amsal Ar (jamak bagi misal) seperti, umpama.

amtenar IB pegawai.

amuh Mn ark mahu, suka.

amuk; beramuk 1. = **mengamuk**; **2.** sl = **beramuk-amuk** bertempur (berjuang, bertarung, dsb) menentang musuh, bertikam: *maka segala hulubalang Melayu pun tampil pula ~ dgn Feringgi*; **3.** berkecamuk, kacau, bergelora; ~ *fikirannya* kacau fikirannya;

beramuk-amukan saling beramuk (bertarung), bertempur-tempuran, bertikam-tikaman;

mengamuk 1. menyerang dgn membabi buta (kerana sangat marah, gelap mata, dll) dan membunuh atau mencederakan sesiapa saja yg ditemui: *orang yg ~ itu akhirnya tertangkap*; **2.** ki berkecamuk, menjadi-jadi, menghebat: *taufan ~; penyakit taun ~; di sana sini guntur ~*; **3.** membuat kacau (mengganggu orang ramai dsb) dgn hebatnya, merajalela (menimbulkan kekacauan): *orang minyak ~ lagi*; **4.** membentak-bentak, marah-marah (secara kasar): *minta duit pd emaknya, kalau tak dapat, ~*;

mengamukkan menyuruh (membiarkan) mengamuk: ~ *tentera dgn musuh*;

pengamukan perihal (perbuatan dll) mengamuk atau mengamukkan;

pengamuk orang yg mengamuk (menyerang orang dll).

amung Jw; **teramung** satu-satunya, tunggal: *saudara yg ~*.

amung-amung sj ikan laut, gerepoh, *Caranx ignobilis*.

amunisi peluru, roket, misil, bom dsb yg biasanya ditembakkan atau dilancarkan drpd sesuatu senjata.

a.n. kep atas nama.

ana Ar saya, aku.

anaam Ar; *bahar al-~* samudera kesenangan (nama laut di syurga).

anabolisme (Bio) pembinaan sebatian kompleks drpd bahan ringkas dgn menggunakan tenaga, mis pembinaan protein drpd asid amino.

anaerob (anaérob) (Bio) organisma yg tidak memerlukan oksigen atmosfera atau udara utk hidup.

anaerobik (anaérobik) bkn proses biologi yg berlangsung tanpa oksigen.

anafora (Sas) pengulangan sesuatu kata atau frasa pd permulaan beberapa kalimat atau klausa yg berturut-turut agar memperoleh kesan tertentu.

anafrodisiak (Ubat) bahan yg boleh menyebabkan kurangnya atau hilangnya keinginan nafsu syahwat.

anaglif sj hiasan atau arca yg berbentuk timbulan.

anagogi (Sas) tafsiran terhadap kata-kata atau karangan yg bercorak mistik atau rohaniah.

anagram kata atau frasa yg terbentuk dgn menukarkan susunan huruf dlm kata atau frasa (mis *bola* kpd *loba*): *bentuk ~ memerlukan kemahiran utk mengolahnya.*

anai-anai sj serangga spt semut, putih warnanya, membuat sarang dlm tanah atau kayu (makanan utamanya kayu), dan tergolong dlm order Isoptera;

busut juga ditimbun oleh ~ prb orang kaya juga yg bertambah kekayaannya atau orang yg pernah bersalah juga yg dituduh jika terjadi sesuatu kejahatan; *sbg ~ bubus* prb berduyun-duyun, berkerumun (melihat sesuatu dll).

anak I 1. manusia atau binatang yg masih dlm kandungan atau yg baru lahir: *seseorang ibu yg sedang mengandung perlu menjaga kesihatannya supaya ~nya yg di dlm kandungan juga sihat; ~ kecil yg baru berumur dua bulan;* **2.** baka yg diturunkan oleh ibu dan bapa: *~ mereka kesemuanya perempuan;* **3.** kanak-kanak, budak: *~ itu sudah ke sekolah;* **4.** binatang yg masih kecil: *~ monyet; ~ gajah; ~ burung; ~ ikan;* **5.** pokok kecil yg tumbuh pd umbi atau rumpun pokok yg besar, pokok yg baru tumbuh: *~ lengkuas; ~*

pisang; **6.** orang yg berasal dr (sesuatu tempat atau sesebuah negeri): ~ *Melaka*; ~ *Siam*; **7.** anggota (kumpulan pekerja dll), kakitangan, pekerja: ~ *perahu*; **8.** bahagian yg kecil pd sesuatu benda: ~ *tangga*; **9.** sesuatu yg kecil drpd yg lain: ~ *bukit*;
~ *Adam* manusia; ~ *air* sungai kecil; ~ *alang* anak ketiga; ~ *ali-ali* batu humban; ~ *angin* angin yg lembut; ~ *angkat* anak yg diambil dan dijadikan sbg anak sendiri; ~ *anjing* a) anjing yg masih kecil; b) bahagian bawah buah (jantung) betis; ~ *asak* boneka, patung; ~ *ayam* a) ayam yg masih kecil; b) alat muzik (digunakan dlm permainan makyung dll); ~ *baju* baju dalam; ~ *bangsawan* pelakon (wayang) bangsawan; ~ *batu* batu kecil; ~ *bedil* peluru; ~ *bilik* ruangan kecil yg ditambah pd bilik; ~ *bini* anak dan isteri (seseorang), keluarga (seseorang); ~ *bongsu* anak yg termuda; ~ *buah* a) orang yg termasuk dlm sesuatu keluarga (negeri dll); b) orang yg termasuk dlm sesuatu pasukan atau terletak di bawah tanggungjawab seseorang; c) pekerja di kapal (kapal terbang dll); ~ *bukit* bukit kecil; ~ *bulan* bulan sebagaimana yg kelihatan pd hari pertama sesuatu bulan Hijrah; ~ *busur* peluru busur, anak panah; ~ *cucu* a) anak dan cucu; b) keturunan, zuriat; ~ *dacing* = ~ *timbangan* batu (besi) pd sj timbangan utk menentukan berat; ~ *dagang* orang asing; ~ *damak* peluru sumpitan; ~ *dapat* anak yg dijumpai di jalan; ~ *dara* anak perempuan yg agak besar (belum berkahwin atau bernoda), gadis; ~ *dayung* orang yg mendayung perahu; ~ *didik* seseorang, organisasi dsb yg dididik (dilatih, dibimbing dsb) supaya mahir atau terampil dlm sesuatu bidang; ~ *emas* a) anak abdi yg diambil jadi anak oleh tuannya; b) Id anak yg diambil sbg anak oleh orang asing; c) orang yg dikasihi oleh majikannya (diberikan layanan istimewa); ~ *gadis* anak dara; ~ *gahara* anak raja drpd permaisuri; ~ *galuh* Jw puteri; ~ *gampang*

anak yg lahir di luar nikah; ~ *genta* bahagian genta (loceng) sbg pemukul (yg membunyikan); ~ *gobek* pelocok (antan) pd gobek; ~ *guam* orang yg menggunakan khidmat atau mendapat bantuan (nasihat) perundangan drpd peguam utk urusan sesuatu kes; ~ *gugur* anak yg lahir mati sebelum genap bulannya; ~ *gundik* anak raja drpd gundik; ~ *halal* anak yg sah (lahir hasil perkahwinan yg sah); ~ *haram* bk anak yg lahir tanpa ikatan perkahwinan yg sah antara ibu bapanya, anak sundal; ~ *hitam* anak yg ketujuh; ~ *jantan* a) bp anak lelaki; b) orang (lelaki) yg berani; ~ *jari* jari tangan; ~ *jati* seseorang yg dilahirkan dan biasanya dibesarkan di sesuatu tempat (kampung, negeri dsb); ~ *jentera* jari-jari jentera; ~ *joget* penari joget; ~ *kalimat* Id ayat yg bergantung pd ayat lain; ~ *kandung* anak sendiri; ~ *kapal* pekerja kapal (kapal terbang); ~ *kati* anak dacing; ~ *kemanakan* anak (dr) saudara; ~ *kembar* dua (tiga dll) anak yg lahir bersama-sama dr satu kandungan; ~ *kencing* bk anak haram; ~ *keti* bola kayu yg dipakai dlm sj permainan; ~ *kolong* Id bk anak serdadu (zaman kolonial); ~ *komidi* pelakon; ~ *kunci* a) alat utk membuka kunci (diputarkan pd mangga dll); b) ki petua utk mencapai sesuatu: ~ *kunci pd kebanyakan pengetahuan*; ~ *lidah* bahagian kecil di belakang lidah (dlm kerongkongan); ~ *limpa* kelenjar yg mengeluarkan hempedu; ~ *luar nikah* anak yg dilahirkan tanpa ikatan perkahwinan yg sah antara ibu bapanya; ~ *lumpang* pelocok pd lumpang; ~ *mata* bulatan kecil di tengah-tengah mata; ~ *meja* laci meja; ~ *merah* anak yg baru lahir; ~ *muda* a) orang yg masih muda, pemuda; b) anak yg kelapan; ~ *murid* a) anak yg masih belajar di sekolah; b) murid kpd seseorang guru; ~ *negeri* a) orang yg berasal atau dilahirkan di sesebuah negeri; b) peribumi di Sabah dan Sarawak mengikut konteks Perlembagaan Persekutuan; ~ *ngah* anak yg kedua; ~ *panah* peluru panah, anak

busar; ~ *pandak* anak yg keempat; ~ *panggung* pelakon (wayang bangsawan, sandiwara); ~ *panjang* anak yg kelima; ~ *pelor* peluru; ~ *penakan* anak drpd saudara; ~ *perahu* pekerja dlm perahu, kakitangan perahu; ~ *piara* anak yg dipelihara orang; ~ *piatu* anak yg tidak beribu bapa; ~ *pisang* Mn anak mamak (menurut keturunan laki-laki); ~ *pungut* anak yg diambil jadi anak sendiri; ~ *putih* anak yg keenam; ~ *rambut* rambut di pelipis; ~ *ronggeng* penari ronggeng; ~ *saku* kocek kecil; ~ *sanak* = ~ *saudara* anak drpd saudara, anak abang (kakak, adik) seseorang; ~ *sasian* Mn murid; ~ *sekolah* anak murid (di sekolah); ~ *semang* orang yg bekerja (menumpang) pd orang lain; ~ *sulung* anak yg tertua; ~ *sumbang* anak yg lahir drpd perempuan yg tidak boleh dikahwini; ~ *sundal* bk a) anak haram; b) kata makian yg kasar; ~ *sungai* sungai kecil yg bermuara pd sungai besar; ~ *susuan* a) anak yg masih menyusu; b) anak orang lain yg disusui; ~ *syarikat* syarikat yg sebahagian besar saham dan kepentingannya yg lain dimiliki atau dikuasai oleh syarikat lain; ~ *syarikat bersama* dua syarikat atau lebih yg dikuasai oleh syarikat induk yg sama, sama ada secara langsung atau tidak langsung; ~ *syarikat milik penuh* syarikat yg seluruh saham yg diterbitkan dimiliki oleh syarikat lain; ~ *tangan* jari tangan; ~ *tangga* tempat berpijak pd tangga; ~ *tanggung* anak yg hampir dewasa; ~ *tari* penari; ~ *taruhan* anak yg paling dikasihi; ~ *tekak* anak lidah; ~ *telinga* bahagian kecil di depan daun telinga; ~ *tempatan* orang yg berasal dr sesuatu tempat itu juga (bukan orang asing); ~ *teruna* pemuda; ~ *timbangan* anak dacing; ~ *tonil* Id pelakon; ~ *tunggal* anak satu-satunya (tidak ada anak lain lagi); ~ *ubat* a) orang sakit yg sedang dirawat; b) anak yg dibesarkan dgn ubat; ~ *wang* bunga wang; ~ *wayang* pelakon (wayang, bangsawan); ~ *watan* anak negeri (bukan orang asing); ~

yatim a) anak yg tidak berbapa; b) (ada juga dipakai utk) anak yg tidak beribu atau tidak beribu bapa; ~ *yatim piatu* anak yg sudah tidak beribu bapa lagi, anak piatu;

~ *baik menantu molek* prb kalau orang mendapat untung baik, maka keuntungan itu datang berganda-ganda; ~ *di pangku dilepaskan, beruk di rimba disusui* = ~ *di riba diletakkan, kera di hutan disusui* prb menguruskan hal orang lain sedangkan hal sendiri diabaikan; ~ *harimau tidak akan menjadi ~ kambing* prb anak orang besar biasanya jadi orang besar juga; ~ *kunci jahat, peti derhaka* prb kalau suami jahat isterinya akan berkhianat kelak; ~ *orang ~ orang juga* prb seseorang yg asing bagi kita akan tetap asing juga; ~ *seorang menantu malim* prb dikatakan kpd seseorang yg beruntung mempunyai anak perempuan; ~ *seorang penaka tidak* prb dikatakan kpd seseorang yg mempunyai sesuatu barang yg tidak ada gantinya; ~ *sendiri disayang, ~ tiri dibengkeng* prb bagaimana sekalipun keadilan orang kepentingan sendiri juga yg diutamakan; *bagai ~ sepat ke tohor* prb dikatakan kpd orang yg bermalas di tempat orang lain; *bagai menggantang ~ ayam* = *bagai menyukat ~ ayam (masuk empat keluar lima)* prb mengerjakan pekerjaan yg tidak mungkin dilakukan; *dengarkan cerita burung, ~ di pangku dilepaskan* prb mendengarkan tutur manis orang, pekerjaan sendiri diabaikan; *kalau tiada hak sendiri ~ mata terdiridiri* prb kalau tak ada hak sendiri makin besar pula keinginan kita kalau melihat kepunyaan orang; *kasihkan ~ tangan-tangankan, kasihkan bini tinggal-tinggalkan* = Mn *sayang di ~ dilecuti, sayang di negeri ditinggalkan* prb yg disayangi itu hendaknya janganlah terlalu dimanja-manjakan; *kecil-kecil ~ harimau* prb kecil tetapi berbahaya juga; *kecil-kecil ~, kalau sudah besar onak* prb anak itu apabila kecil menyukakan hati, kalau besar mendatangkan

kesukaran; *menggerek bagai ~ nangoi* prb dikatakan kpd seseorang yg beranak banyak tetapi malas mencari nafkah; *rosak ~ oleh menantu* prb mendapat kerugian kerana perbuatan orang kepercayaan atau yg dikasihinya; *spt ~ ayam kehilangan ibunya* prb berpecah-pecah kerana kehilangan tempat tumpuan (pengharapan); *spt ayam patuk ~nya = spt kerbau menanduk ~ dgn kaparan tanduk, bukan dgn hujung* prb memarahi anak atau kekasih bukanlah kerana benci, tetapi kerana hendak mengajar; *tergising-gising bagai ~ tiada diaku = terkesot-kesot bagai ~ tidak diaku* prb mendekati orang yg tidak mahu dihampiri oleh kita;

anak-anak 1. banyak budak: *~ sudah ramai berkumpul di depan sekolah*; **2.** budak kecil, kanak-kanak: *dia masih ~ lagi*; **3.** boneka, patung;

anak-anakan boneka, patung; *~ mentimun* anak angkat yg dijadikan isteri;

beranak 1. melahirkan anak, bersalin: *isterinya baru ~; dukun ~ bidan; sakit ~ sakit sewaktu melahirkan anak*; **2.** mempunyai anak: *mereka sudah ~ dua orang*; **3.** dgn (bersama dgn) anaknya, kesemuanya (dua, tiga, dll orang) berserta dgn anak: *orang itu tinggal tiga ~ di rumah itu; mereka datang empat ~ hendak berjumpa datuk penghulu; belum ~ sudah berbesan (dahulu) = belum ~ sudah ditimang* prb keuntungan belum tentu akan dapat sudah bersenang-senang;

anak-beranak 1. sekeluarga (ibu bapa dan anak-anak mereka): *dialah yg membantu kami ~*; **2.** suami atau isteri serta anak-anak;

beranakkan 1. mempunyai sbg anak(nya): *dia malu ~ seorang penjahat*; **2.** melahirkan (seseorang): *nenekku berumur enam belas tahun sewaktu ~ bapaku*;

menganak; ~ *semang* menjadi anak semang, memburuh; ~ *sungai* menyerupai anak sungai, mengalir banyak-banyak (peluh, darah, dll), banyak sekali (minuman dll);

memperanakkan melahirkan: *ia berasal dr Bentan, tetapi diperanakkan di Melaka; lain orang ~, lain dipanggil bapa* prb keuntungan tidak selamanya didapat oleh orang yg berhak menerimanya;

anakan 1. bunga wang; **2.** boneka, patung;

keanak-anakan berlaku (berkelakuan) spt anak-anak: *tabiat yg ~;*

peranakan 1. keturunan anak negeri dgn orang asing: ~ *Cina*; **2.** yg dilahirkan di: *pemuda-pemuda ~ Melaka*; **3.** rahim (tempat bayi dlm perut), kandungan: *sakit ~.*

anak II; ~ *penak* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Ventilago oblongifolia*.

anak III; ~ *pertang* sj ikan laut, *Epinephelus amblycephalus*; ~ *tamban jepuh* sj ikan laut, *Spratelloides spp.*; ~ *tapah* sj ikan, *Kryptopterus bicirrhis*.

anakanda bh, bd anak (biasanya digunakan dlm surat-menyurat).

anakhoda sl → **nakhoda**.

anakonda sj ular besar tidak berbisa yg terdapat di kawasan tropika Amerika Selatan yg menjerut mangsanya hingga mati, *Eunectus murinus*.

anak pinak anak cucu;

beranak pinak mempunyai keturunan.

anakronisme 1. seseorang (sesuatu) yg ketinggalan zaman; **2.** kesilapan menempatkan sesuatu peristiwa, tokoh, tempat, dll pd zaman yg sebenarnya.

anak tiri anak kpd isteri atau suami (seseorang) drpd perkahwinannya yg terdahulu;

menganaktirikan memperlakukan seseorang sbg anak tiri.

analgesia (analgésia) (Ubat) keadaan tidak berasa sakit semasa sedar.

analgesik (analgésik) (Ubat) ubat yg dapat meredakan rasa sakit tanpa mengakibatkan hilangnya kesedaran.

analisis IB jurucerakin, pakar kimia yg menjalankan penyelidikan (membuat analisis di makmal dsb).

analisa → □ **analisis**.

analisisir IB; **menganalisisir** menganalisis.

analisis penyelidikan atau penghuraian sesuatu (spt keadaan, masalah, persoalan, dll) utk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dll) secara terperinci atau mendalam: ~ *natrium klorida*; *menggubal sesuatu dasar memerlukan masa yg lama, penelitian dan ~ yg tajam dlm semua segi*;

~ *kos faedah* (Eko) penilaian kos sesuatu perusahaan berbanding dgn faedah atau keuntungan perusahaan tersebut; ~ *kualitatif* (Kim) analisis secara ujian kimia atau kaedah fizik utk mengenal pasti sesuatu unsur, sebatian, campuran, dll; ~ *kuantitatif* (Kim) analisis secara ujian kimia atau kaedah fizik utk menentukan kuantiti setiap jujuk yg diketahui terdapat di dlm sesuatu sebatian atau larutan; ~ *nisbah* (Eko) kaedah penilaian prestasi sesebuah organisasi berdasarkan nisbah kewangan dan nisbah kendalian yg diperoleh drpd maklumat kewangan organisasi tersebut; ~ *penyata kewangan* (Eko) penilaian risiko, kredit, atau pelaburan sesebuah organisasi berdasarkan maklumat drpd kunci kira-kira, penyata pendapatan, dll; ~ *pulang modal* (Eko) penilaian banyaknya jualan, harga jualan, dan jumlah belanja sesuatu keluaran utk menentukan untung rugi keluaran tersebut; ~ *sistem* (Komp) penelitian kegiatan, peraturan, kaedah, teknik atau cara kerja sesuatu sistem utk menentukan masalah dan keperluan sistem tersebut serta menentukan cara utk menyelesaikan, memperbaiki atau

melaksanakan sistem dgn berkesan; ~ *volumetri* (Kim) analisis kuantitatif gas atau larutan berasaskan ukuran isi padu;

menganalisis melakukan analisis ke atas sesuatu (bahan, data, dll): *darah harus diambil drpd kedua-dua ibu bapa utk dianalisis; bahkan buku tatabahasa yg ~ aturan bahasa pun masih menggunakannya secara tidak tetap; ~ teks yg digunakan sbg data;*

penganalisisan perbuatan (proses) menganalisis: *pengumpulan dan ~ maklumat; ~ sebuah cerita yg mudah;*

penganalisis orang (pihak) yg menganalisis: *kaedah ini masih popular digunakan di kalangan para ~ perniagaan di Amerika Syarikat.*

analitis bersifat analisis.

analog 1. sesuatu yg merupai sesuatu yg lain; **2.** bkn sifat alat yg pengendaliannya menggunakan kuantiti fizik yg berubah-ubah (spt voltan, arus, dll) utk mewakili nombor.

analogi kias, perbandingan (yg memperlihatkan ciri-ciri persamaan (sebahagiannya); *menurut ~ menurut kias* (perbandingan), berdasarkan perbandingan (persamaan);

beranalogikan menggunakan (mempunyai) sesuatu sbg analogi: *kesimpulan yg ~ fakta-fakta yg belum pasti kesahihannya;*

menganalogikan menggunakan (mempunyai) sesuatu sbg analogi.

analogus (Bio) mempunyai fungsi (organ atau bahagian) yg sama tetapi berbeza asal usulnya.

ananas nanas.

anang sl anakku.

anani Ar hanya mementingkan diri sendiri: *sifat ~ tidak sepatutnya wujud dlm kehidupan bermasyarakat, lebih-lebih lagi sesama Islam.*

anaptiksis (Lin) penyisipan vokal di antara dua konsonan utk menyederhanakan struktur suku kata, mis penyisipan vokal *e* dlm perkataan *putra* menjadi *putera* dan *e* dlm perkataan *sri* menjadi *seri*.

anarki **1.** keadaan tidak ada atau tidak berasaskan undang-undang (ketertiban umum atau pemerintahan yg teratur): *kalau orang tidak patuh lagi akan undang-undang, timbullah ~*; **2.** kekacauan atau porak-peranda (dlm negeri dll).

anarkis orang yg hendak mewujudkan (menimbulkan) anarki, orang yg suka menimbulkan keadaan kucar-kacir (dlm sesebuah negeri dsb).

anarkisme fahaman (pendirian) bahawa segala bentuk kerajaan atau pemerintahan bersifat menindas dan wajar dimansuhkan, penolakan segala bentuk kekuasaan atau kawalan paksaan: *kejujuran Moleire terhadap pembentukan masyarakat Perancis ialah dgn membetulkan fatalisme dan ~ yg terdapat dlm masyarakat*.

anasir **1.** zat yg empat (iaitu air, api, tanah, hawa atau angin) yg menurut pendapat ahli fikir zaman dahulu merupakan asas bagi segala-galanya di seluruh alam; **2.** segala yg terdapat di dunia, makhluk; **3.** bahagian drpd suatu keseluruhan, anggota dll drpd sesuatu golongan (perkumpulan, masyarakat dsb): *masyarakat bandar telah dipengaruhi oleh ~~~ Barat; berwaspada terhadap tindak-tanduk ~~~ jahat*; **4.** unsur, faktor.

anatomi kajian atau pengetahuan mengenai binaan tubuh dsb hidupan (manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan), kaji bina tubuh.

anbia Ar (jamak bagi nabi) (segala) nabi, nabi-nabi: *penghulu segala ~*.

anca Id ark rintangan, kerugian (kerana kekeliruan dll).

ancak talam drpd anyaman tempat menyajikan barang-barang utk hantu; *membuang ~ Mn menyajikan barang-barang dlm ancak utk hantu*.

ancak-ancak Mn **1.** tidak mempedulikan buruk baik (untung ruginya dsb), lalai; **2.** olok-olok, main-main: *ancamannya dianggap orang sbg ~ sahaja;*

mengancak-ancak mengerjakan pekerjaan yg sia-sia, bermain gila, mengolok-olok, bermain-main sahaja.

ancala Id, sl gunung.

ancam; mengancam **1.** menakut-nakuti dgn jalan menyatakan hendak melakukan sesuatu yg membahayakan (menyusahkan, merugikan, dsb), mengugut: *orang itu ~ hendak membunuh lawannya;* **2.** meletakkan (menyebabkan berada) dlm keadaan akan mengalami atau ditimpa bahaya (kesusahan dsb), membahayakan: *penduduk Bali sudah beberapa kali diancam oleh letusan Gunung Agung; kejadian itu telah ~ kehidupan petani-petani;* **3.** bp kata yg mengandung konotasi cantik dan menarik bagi seseorang atau sesuatu (spt gadis, muzik, bunga, dll);

mengancamkan mengancam dgn sesuatu: *ia ~ parangnya kpd orang yg hendak mendekatinya;*

terancam berada dlm keadaan menghadapi bahaya dsb, diancam (oleh): *sudah beberapa kali ia ~ oleh bahaya maut; manuskrip yg masih ada dan sedang ~ oleh kerosakan dan kemusnahan;*

ancaman sesuatu yg mengancam atau diancamkan, bahaya dsb yg mungkin menimpa: *mereka menghadapi ~ drpd musuh luar dan dalam;*

keterancaman keadaan terancam;

pengancaman perihal (perbuatan) mengancam: *~ itu dilakukan secara halus;*

pengancam orang yg mengancam.

ancang-ancang Jw langkah sebelum (melompat dll), persiapan utk berbuat sesuatu), anju: *nama dan pekerjaan hanya suatu ~ utk mendapatkan berita yg lebih banyak;*

mengancang-ancang mengambil langkah (akan melompat dll), menganju.

ancer-ancer Jw tanda, alamat; *tanggal (hari) ~ hari yg telah ditetapkan; ~ jangka waktu* rancangan jangka waktu.

ancoa C bagaimana.

ancu I rakit Rembau.

ancu II gelegar (yg menyokong lantai rumah).

ancuk; berancuk bk bersetubuh;

mengancuk berancuk.

ancung C pasu yg bertutup (utk mengisi halia).

anda I; ~ *musang* kantung tempat jebat (kesturi).

anda II kata ganti diri kedua (tidak membezakan taraf, tingkat dan umur).

andai I = andai-andai misal, umpama;

andainya, seandainya, andaikan misalnya, katakanlah, sekiranya, seumpamanya, andai kata: ~ *engkau tidak berhenti dulu, tentu pangkat sudah naik sekarang ini;*

berandai-andai bercakap-cakap, berunding;

mengandaikan menganggap mungkin terjadi, memisalkan, mengumpamakan: *cubalah kauandaikan kau sendiri pengarah, apa yg akan kaulakukan?*

terandaikan dapat diandaikan: *tidak ~ adanya perbezaan antara dua hak yg serupa;*

andaian, andai-andaian contoh atau misalan (yg tidak semestinya merupakan suatu kenyataan) yg dikemukakan utk menjelaskan sesuatu hujah (utk dijadikan bandingan dll): *cakap saya ini macam*

andai-andaian saja sebab saya bukannya ahli dlm hal-hal serupa itu;

berandaian mempunyai atau membuat andaian.

andai II → □ **randai II**.

andai kata andainya, seandainya, andaikan.

andak I nama timang-timangan bagi anak yg keempat atau kelima.

andak II ark singkatan bagi pandak;

mengandak, mengandakkan 1. memendekkan; ~ *layar* menggulung layar supaya jadi kecil; 2. mengurangi; ~ *belanja* mengurangi belanja;

pengandak sesuatu yg digunakan utk mengandakkan (memendekkan); *tali* ~ tali utk mengandakkan layar.

andaka (Sanskrit) seladang, lembu hutan, banting.

andal 1. boleh dipercayai; 2. boleh dijamin mutu atau kualitasnya: *data* yg *terakam haruslah* ~;

mengandalkan 1. menaruh harapan atau kepercayaan kpd: *mereka akan sedar bahawa tidak dapat tidak mereka akan* ~ *pengalaman*; 2. menjamin ketinggian (kemampuan, mutu, dll);

andalan apa-apa yg boleh diandalkan;

keandalan keadaan atau hal andal: *bank data bergantung pd* ~ *data*;

keterandalan keadaan (hal) dapat diandalkan: ~ *merupakan keperluan segera bagi andaian ramalan yg sebenar*.

andalas sj tumbuhan (pokok) yg baik kayunya.

andam I; ~ *surai* anak rambut yg dipepat; *mak* ~ a) perempuan yg mengandam (memepat serta mencukur rambut di dahi) pengantin perempuan; b) perempuan yg kerjanya menyolek pengantin; *pak* ~ orang lelaki yg kerjanya spt mak andam; *tukang* ~ orang yg kerjanya mengandam pengantin (mak andam ataupun pak

andam); *bagai anak dara mabuk* ~ prb dikatakan kpd orang yg kelihatan letih lesu dgn tidak berpenyakit;

berandam 1. memepat rambut di dahi, memepat janggut; **2.** mempunyai rambut (janggut) yg dipepat;

mengandam memepat dan menjadikan kemas (rambut, janggut, dll); ~ *pengantin* mengandam dan mencantikkan pengantin (dgn menyolek muka, mendandan rambut dll);

andam-mengandam hal yg berkaitan dgn mengandam: *Milah hendak belajar* ~;

andaman hasil mengandam: ~ *rambutnya menarik*;

pengandam tukang andam (mak andam ataupun pak andam).

andam II Mn; ~ *karam* hilang sama sekali, habis semuanya;

mengandam mengurung, memingit;

andaman yg dikurung (dipingit), pingitan; *anak* ~ anak gadis yg dikurung (dipingit).

andan I putih seluruh tubuh kerana tidak ada warna kulit, bulai, sabun.

andan II Mn berkerabat (bersanak) dekat kerana perkahwinan dan bukan kerana darah keturunan (bkn perempuan).

andang suluh (drpd daun nyiur yg kering), jamung.

andang-andang I kayu pd tiang perahu (kapal) utk menggantungkan layar: ~ *atas*; ~ *bawah*.

andang-andang II Jw tahi lalat.

andapita Jk ark sj penganan.

andar; *mati* ~ a) mati dgn tidak diketahui sebab (atau pembunuhnya); b) mati dgn tidak disembelih (bkn binatang).

andartu gelaran atau panggilan yg bermaksud anak dara tua: *apa tujuan perkahwinan aku ini? Adakah kerana tidak ingin digelar* ~?

andas I tempat menaruh sesuatu yg hendak ditempa atau dipotong, landasan;

mengandaskan membuat atau memakai spt andas.

andas II (Bio) tulang kecil yg terdapat dlm bahagian tengah telinga mamalia (di antara dua tulang kecil yg lain).

andeka (andéka) **I** (Sanskrit) daulat (tidak dipakai pd raja Islam); *kena* ~ ditimpa daulat, kena bencana kerana menderhaka kpd orang yg berkuasa;

berandeka berdaulat: *memang hakikatnya, raja berdaulat penghulu* ~.

andeka (andéka) **II** Jw; **mengandeka** sl bertitah.

anderak ark, **anderik** lubang utk menangkap gajah.

anderiguru (Bugis) kepala (dlm tentera), hulubalang.

andesit (andésit) (Geo) sj batuan gunung berapi yg berwarna perang atau kekelabu-kelabuan.

andewi (andéwi) IB sj sayur, *Cichorium endivia*.

andi I sl tuan, tuanku: *daulat tuanku* ~ *batara, mana titah patik junjung*.

andi II gelaran bangsawan Makasar.

andikara → **adikara**.

andiko Mn; *penghulu* ~ penghulu adat; → **andeka I**.

andil IB saham.

andilau Mn sj tumbuhan (pokok), *Commersonia bartramia*; *tercincang puar bergerak* ~ prb apabila seseorang dihina saudara-maranya akan turut tersinggung pula; **endilau**.

anding; *ikan* ~ = *belanak* ~ sj ikan, *Liza subviridis*.

andong Jw kereta kuda (sewaan).

androesium (androésium) organ pembiakan jantan pd bunga yg terdiri drpd beberapa stamen.

androfobia (Psi) perasaan tidak berminat, tidak suka atau benci kpd lelaki.

androgen (Bio) hormon yg merangsangkan perkembangan dan pemeliharaan sifat sekunder jantan spt pertumbuhan misai.

andropaus (Ubat) peringkat kemerosotan hormon testosteron bagi lelaki, yg biasanya berlaku apabila usia meningkat tua.

anduh kain yg digantung pd leher utk mengampu tangan yg cedera (patah, retak, dll);

beranduh memakai atau menggunakan anduh: *tangan kanannya yg patah itu masih kelihatan ~;*

menganduh mengikat sesuatu supaya tergantung atau tidak jatuh terkulai, mengampu: *doktor terpaksa ~ kaki pesakit yg tercedera dlm kemalangan itu; ~ kajang merentangkan tali tempat digantungkan kajang;*

anduhan tali tempat sekoci bergantung di kapal;

penganduh kayu (kulit kayu) yg dilekatkan pd tangan (kaki) yg patah.

anduk IB tuala mandi.

andun sl pergi ke; ~ *perang* pergi berperang.

andung I sj tumbuhan (pokok), jenuang, lenjuang, *Cordyline fruticosa*.

andung II sj pokok nibung.

andung III; *buluh* ~ sj buluh.

andur kereta kerbau.

aneh (anéh) tidak spt yg biasa dilihat (didengar dsb), pelik, ganjil (bkn benda, perbuatan, dll): ~ *sangat kelakuannya; kejadian yg ~;*

menganehkan mengangap aneh, menimbulkan rasa hairan, menghairankan: *sungguh ~ apa yg dikatakannya itu;*

keanehan 1. sesuatu yg aneh, sifat (ciri dsb) yg aneh: *tiap-tiap bahasa mempunyai ~ sendiri;* **2.** perihal aneh, keluarbiasaan, keganjilan: *orang ramai masih bercakap-cakap tentang ~ kejadian itu;*

penganehan perihal menganehkan.

aneka (anéka) banyak (jenisnya dll), berbagai-bagai, berjenis-jenis, bermacam-macam: *sekolah ~ jurusan; serba ~ bermacam-macam, berbagai-bagai (jenis);*

beraneka berjenis-jenis, bermacam-macam: *buku ini mengandung latihan ~;*

keanekaan kepelbagaian.

aneka ragam (anéka ragam) bermacam-macam ragam (pertunjukan);

beraneka ragam berbagai-bagai (jenis ragam);

keanekaragaman sifat (ciri, keadaan, dsb) yg beraneka ragam: *pd kesimpulannya budaya Selat telah menjalinkan ~ bentuk dan gaya yg unik dan menarik.*

aneka warna (anéka warna) **1.** berbagai-bagai warna; **2.** aneka ragam;

beraneka warna berbagai-bagai warna;

menganekawarnakan menjadikan sesuatu beraneka warna;

keanekawarnaan keadaan beraneka warna: *upacara majlis itu mencerminkan ~ perhiasan.*

anekdot (anékdot) kisah yg ringkas dan biasanya agak lucu tentang sesuatu kejadian (peristiwa);

beranekdot mengandung unsur anekdot: *ucapan yg ~.*

anemer (anémer) IB pemborong pekerjaan (membuat rumah dll), kontraktor.

anemia (anémia) (Ubat) penyakit yg diakibatkan oleh kekurangan sel darah merah atau hemoglobin dlm sel darah merah, ataupun perdarahan yg berlebihan.

anemofili (anénofili) (Bio) pendebungaan yg dibantu oleh angin.

anemograf (anémograf) alat utk merakamkan arah dan kelajuan angin pd kertas.

anemologi (anénologi) kajian tentang angin.

anemometer (anémométer) **1.** alat utk mengukur kelajuan dan hala tiupan angin; **2.** alat utk mengukur kadar pergerakan bendalir (spt gas).

anemometri (anémométri) teknik mengukur kelajuan dan arah angin.

anemone (anémoné) sj tumbuhan taman atau tumbuhan liar yg bunganya berbentuk spt bintang berwarna putih, ungu atau merah.

anemotropisme (anémotropisme) (Bio) gerak balas tumbuhan terhadap arah angin dan persekitaran.

anestesia (anéstésia) (Ubat) kehilangan rasa pd tubuh (sebahagian atau seluruh) apabila dikenakan ubat bius;

~ *am* keadaan tidak sedar dan tidak berasa sakit pd keseluruhan tubuh akibat ubat bius; ~ *setempat* kehilangan rasa sakit pd bahagian tubuh tertentu akibat ubat bius.

anestesiologi (anéstésiologi) cabang perubatan yg berkaitan dgn kajian anestesia dan anestetik.

anestetik (anéstétik) (Ubat) bahan (ubat) yg menyebabkan tubuh badan tidak sensitif (kpd rasa sakit, sentuhan, dsb), ubat bius.

aneurisme (anéurisme) (Ubat) bengkak atau gelembung pd arteri yg disebabkan oleh penyakit, kecederaan dsb.

anfas Ar lebih berharga.

ang Mn engkau.

angabaya → □ **anggabaya.**

angabehi (angabéhi) → **ngabehi.**

angah I nama timang-timangan bagi anak yg kedua.

angah II Mn; **terangah** payah, tercengang (tidak dapat berkata-kata); → **engah.**

angan 1. fikiran, ingatan, menungan; *tidak masuk* ~ = *tidak lalu* ~ tidak masuk akal; **2.** Mn maksud, niat; ~ *lalu*, *faham tertumbuk* prb menurut fikiran mungkin dibuat, tetapi sebenarnya sukar;

angan-angan 1. ingatan, fikiran; *jalan* ~ jalan fikiran; *sakit* ~ tidak betul fikiran; **2.** gambaran atau bayangan dlm fikiran (seseorang yg sedang berkhayal), khayalan, fikiran atau ingatan (yg timbul dlm menungan): *bunyi kuang di rimba sekonyong-konyong melenyapkan* ~ *Jusuh*; **3.** cita-cita: *~nya menjadi doktor*; **4.** sesuatu (harapan dll) yg tidak mungkin tercapai (berlaku dsb), khayalan: *itu bukan ~ tetapi kenyataan*; **5.** Mn maksud, niat: *bukan ~nya hendak memalukan orang tuanya*;

~ *hati* kata dlm hati; ~ *Mat Jenin* harapan (atau mengharapkan sesuatu) yg mustahil; *mabuk di ~ = dimabuk* ~ mengharapkan sesuatu yg tidak mungkin tercapai;
~ *menerawang langit* prb mencita-citakan segala sesuatu yg tinggi-tinggi; ~ *mengikat tubuh* prb menyusahkan diri kerana cita-cita yg terlampau tinggi;

berangan-angan 1. mempunyai angan-angan (cita-cita, ingatan, keinginan): *ia tidak pernah ~ hidup di kota-kota besar*; **2.** = **mengangan, mengangan-angan** membayang-bayangkan berbagai-bagai gambaran di dlm fikiran, berkhayal(-khayal), mengelamun: *kadang-kadang terhibur juga hatiku apabila aku ~ menjadi penyanyi*; **3.** Mn bermaksud, berniat: *tidak ~ hendak membalas perbuatan orang terhadapnya*;

mengangkan, mengangan-angankan 1. mencita-citakan, mengenang-ngenangkan, mengingini: *gadis itulah yg diangan-angankan utk dijadikan isterinya*; **2.** membayangkan dlm fikiran, mengkhayalkan;

terangan-angan 1. terfikir, terniat; **2.** terbayang dlm fikiran, terlukis dlm khayalan.

angap menarik nafas dgn susah dan cepat-cepat (spt ikan di darat), ngap-ngap.

angau asyik terbayang, terkenang dsb akan seseorang, terutamanya apabila dilamun perasaan cinta atau keinginan yg amat sangat terhadap seseorang: *Shida betul-betul membuatku ~; aku dicap sbg budak ~ dan aku selalu dikatakan berkhayal sewaktu belajar oleh guru yg mengajar aku; gila ~; sakit ~.*

mengangaukan menyebabkan atau menjadikan angau: *entah apa yg ~nya sehari dua ini, kerana semua kerjanya tidak beres.*

angga; berangga bercabang (bkn tanduk rusa).

anggabaya Jw ark; *ratu ~* gelaran orang yg berkuasa.

anggai sl ark isyarat, semboyan.

anggak Jw congkak, sombong.

anggal I 1. ringan (muatan perahu), lwn sarat: *perahu yg ~*; **2.** ringan (penyakit): *sakitnya telah ~*; **3.** senggang, tidak banyak kerja, lapang: *masa yg ~ bagi kami*;

menganggali, menganggalkan meringankan; *perahu yg sarat dianggali ki* (dikatakan mengenai) ayam yg temboloknya terbuka dlm perlagaan.

anggal II para gantung.

anggan I (Palembang) ark perkahwinan dgn janda (bekas isteri) saudara.

anggan II Mn enggan.

anggap I; menganggap memandang (sesuatu atau seseorang) sbg, berpendapat bahawa: *mereka ~ dia orang yg tidak boleh diharap; buku itu dianggap paling penting utk membantu pelajarannya*;

anggapan kesimpulan (sikap) terhadap seseorang atau sesuatu, pandangan, pendapat, sangkaan: *buku itu membayangkan ~ hidup orang-orang terpelajar; ~ umum* pendapat umum; *pd ~nya pd* sangkaannya (pandangannya);

beranggapan mempunyai anggapan (bahawa), menyangka, berpendapat: *mungkin ada orang yg ~ poster samalah spt hiasan dinding atau jambangan bunga.*

anggap II sl; **beranggap** berganti, bergiliran (menari dll): *anak-anak muda itu menari ~;*

beranggap-anggapan bergiliran mengajak atau menjemput menari (minum dll): *sampai tengah malam mereka ~ menari;*

menganggap menjemput (mengajak) menari dll dgn memberi isyarat: *hulubalang itu pun dianggap oranglah;*

menganggapkan mengunjukkan (minuman dll);

anggapan ajakan, jemputan (menari dll).

anggar I; anggar-anggar lebih kurang, kira-kira: *isi besen itu dgn air ~ setengah;*

menganggar, menganggarkan mengira(kan) secara kasar sahaja, mengira-ngira(kan), memperhitungkan (belanja, biaya, dll) secara kasar: *adalah dianggarkan bahawa kira-kira tiga perlima penduduk dunia tinggal di Asia; jawatankuasa itu menganggarkan perbelanjaan yg diperlukan lebih drpd RM5000;*

anggaran 1. jumlah yg dianggarkan, perhitungan atau perkiraan secara kasar: *beri ~ berapa liter minyak diperlukan utk perjalanan 1000 km; ~ pendapatan dan perbelanjaan negara; 2.* lebih kurang, kira-kira: *ia hendak berhenti di situ ~ empat lima malam lagi; 3.* Id peraturan;

~ belanja kira-kira (kasar) belanja (kerajaan, pertubuhan, dll); ~ belanjawan kira-kira (kasar) pendapatan dan perbelanjaan; ~ dasar peraturan pokok yg menjadi dasar peraturan lain (pd pertubuhan dll); ~ rumah tangga Id peraturan yg menghuraikan atau melengkapkan anggaran dasar;

penganggaran proses mengira (menghitung) secara kasar;

penganggar orang yg menganggar sesuatu.

anggar II Id permainan (perkelahian) dgn memakai pedang: *bermain ~*;

beranggar bermain anggar, berkelahi dgn memakai pedang; *~ lidah* berbantah; *~ pena* berbantah dgn tulisan, berpolemik.

anggar III rumah tempat perhentian (di ladang dll).

anggar IV IB 1. gudang tempat menyimpan kapal terbang; 2. gudang besar di pelabuhan; 3. jambatan, pangkalan pelabuhan.

anggar V kayu tempat burung bertenggek dlm sangkar.

anggar VI; teranggar-anggar ark terlanggar-langgar.

anggara ark buas, ganas (binatang); *setua ~* binatang buas; → **angkara**.

anggerik sj tumbuhan (bendalu) berbunga dlm famili Orchidaceae, orkid; jenis-jenisnya: *~ bulan, ~ merpati* dll.

anggerka ark; *baju ~* sj baju panjang (dipakai di bawah baju kot).

anggit; menganggit 1. menyemat atap (rumbia, nipah, dll); 2. memasang kulit pd gendang dgn rotan; 3. Jw mengarang, menggubah, mereka: *~ muzik*;

anggitan 1. segala sesuatu yg dianggit; 2. Jw karangan, gubahan, rekaan.

angglap Jk = **mengangglap** mencuri, tidak membayar (hutang dll).

anggota 1. bahagian tubuh, terutama tangan dan kaki: *duduk membongkok tidak menyenangkan ~ badannya*; 2. ahli (sesuatu pasukan, pertubuhan, golongan, dll): *~~~ pasukan bomba bergesagesa ke tempat kebakaran itu; ~ perwakilan asing; ~ polis; ~ tentera*;

beranggota mempunyai anggota;

beranggotakan mempunyai sbg anggota atau ahli;

menganggotai menjadi anggota (sesuatu perkumpulan, pertubuhan, dll): *pertubuhan itu dianggotai oleh peminat-peminat*

pelbagai seni; Jabatan Pengajian Islam terus ~ Fakulti Sastera dan Sains Sosial;

keanggotaan perihal menjadi anggota, kedudukan (hak) sbg anggota, keahlian: *komunis China menuntut ~nya diterima dlm Bangsa-Bangsa Bersatu; ~ negara itu dlm pertubuhan tersebut dicabar oleh beberapa buah negara anggota yg lain.*

anggu ark → **peranggu**.

angguk 1. gerakan ke bawah (haluan kapal dll); **2.** gerakan menundukkan kepala (tanda bersetuju, kerana mengantuk, dll); *~ bukan, geleng ia* prb lain di mulut lain di hati (lain perbuatan lain kehendak);

berangguk = mengangguk;

berangguk-angguk = mengangguk-angguk, terangguk-angguk;

mengangguk menggerakkan kepala ke bawah (tanda menyetujui, mengerti atau memaklumi kata-kata seseorang): *~ mengiakan; mereka ~ bersetuju;*

mengangguk-angguk 1. turun naik: *haluan perahu pun ~;* **2.** mengangguk berkali-kali: *mereka semua ~ tanda setuju;*

menganggukkan menggerakkan (kepala) ke bawah: *ia ~ kepalanya;*

mengangguk-anggukkan menggerakkan (kepala) ke bawah berulang kali: *ia ~ kepala sambil ayahnya meneruskan percakapannya;*

terangguk-angguk 1. turun naik (bkn haluan kapal); **2.** mengangguk-anggukkan kepala dgn tidak disedari (kerana terlalu mengantuk dsb), tersengguk-sengguk: *kepalanya ~ mendengar cakap ibunya;*

anggukan gerakan mengangguk: *~ dan gelengan kepala saya tidak dipedulikannya;*

pengangguk; *tali ~ sj tali pd perahu.*

anggul; menganggul, beranggul 1. mengangkat kepala (lwn menundukkan kepala); 2. terangkat haluan (kapal, perahu dll);

teranggul-anggul turun naik (haluan perahu dll, terangguk-angguk).

anggun I elok, tampan (pakaian, tingkah laku, gaya): *elok bentuk mukanya, putih kuning cahaya warna kulitnya, hebat ~ jalannya; begitu ~ baju baldu hitam yg berpotongan kebaya itu;*

keanggunan keelokan, ketampanan: *ia tersenyum mengagumi ~ perkembangan fikirannya sendiri.*

anggun II → **anghun.**

anggun I; menganggun, menganggunkan sl menaikkan, mengangkat.

anggun II; ~ *gaya* Mn terkeliru, bingung.

anggup; ~-*anggup* ark bergerak-gerak turun naik (mengangguk-angguk, terkulai-kulai); ~ *bagai rumput tengah jalan* prb kehidupan yg melarat (sakit, miskin, dll).

anggur I 1. = *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat); 2. = *buah* ~ buah pokok anggur; ~ *kering* buah anggur yg dikeringkan, kismis; ~ *meriam* pecahan besi utk peluru meriam; *air* ~ a) perahan buah anggur; b) minuman keras dll yg dibuat drpd buah anggur;

anggur II; menganggur tidak bekerja, tidak mempunyai pekerjaan: *di kampung itu banyak anak muda yg ~;*

pengangguran perihal (keadaan) menganggur, keadaan (ramai) orang tidak mempunyai pekerjaan: *kerajaan bercadang hendak mengurangkan ~ dgn memesatkan pembangunan negara; ~ bermusim* pengangguran yg terdapat (berlaku) pd jangka masa tertentu (disebabkan keadaan cuaca yg tidak membolehkan sesuatu pekerjaan dilaksanakan dll);

penganggur orang yg menganggur.

anggur III keratan cabang atau batang utk ditanam di tempat lain;

menganggur 1. mengalih, menganjak (tanaman dll); **2.** mengerat cabang utk ditanam; **3.** menanam keratan cabang; *dianjak layu, dianggur mati* prb suatu nasihat atau kebenaran yg tidak boleh diubah lagi;

angguran anggur, keratan cabang utk ditanam.

anggur IV; anggurlah sl lebih baik (drpd), biarlah: *jika begitu rupanya Galuh Daha ini, ~ tiada beristeri seumur hidupku.*

anggut; menganggut, beranggut turun naik (haluan perahu dll), mengangguk.

anghun C sj tembakau merah.

angin 1. udara yg bergerak (sehingga terasa gerakan atau alirannya): ~ *kencang sekali hari ini*; **2.** hawa, udara; *mengambil* ~ berjalan-jalan menghirup (menikmati) hawa yg bersih; **3.** gas yg terdapat atau berkumpul dlm perut dan usus: *perutnya berasa kurang sedap kerana berisi ~; membuang* ~ kentut; **4.** ki desas-desus, khabar yg belum sah, gelagat bahawa sesuatu akan terjadi: *ada ~ yg dia akan datang ke mari*; **5.** ki kosong, hampa, sia-sia: *cakap* ~; **6.** kemungkinan, peluang, kesempatan: *menantikan* ~ baik; **7.** sifat atau perangai yg tidak menentu (berubah-ubah tanpa sebab yg nyata): *dia itu ada ~, kadang-kadang riang dan kadang-kadang muram*;

~ *ahmar* keadaan yg timbul tiba-tiba apabila saluran darah ke otak pecah atau tersumbat, yg mengakibatkan kehilangan kemampuan utk menggerakkan sesetengah bahagian badan, strok; ~ *badai* angin ribut; ~ *barat* (*barat daya* dll) angin yg datang dr barat (barat daya dll); ~ *bohorok* (Sumatera) angin kering dan panas yg turun dr pergunungan; ~ (*sorong*) *buritan* angin yg datang dr buritan; ~ *cekang kelat* = ~ *tegang kelat* angin kencang; ~ *darat* angin yg

datang dr darat; ~ *ekor duyung* angin yg datang dr berbagai-bagai jurusan; ~ *gila* angin yg tidak tentu arahnya; ~ *gunung-gunungan* angin besar; ~ *haluan* angin yg datang dr depan perahu; ~ *hulu timur* angin tepat dr timur; ~ *indera bayu* sl angin ribut; ~ *kelambu menunggal* angin utara yg membawa hujan; ~ *kelambu sebelah* angin utara yg tidak kencang dan tidak membawa hujan; ~ *kepala* angin utara timur laut; ~ *lalu* ki khabar yg tidak tentu benar salahnya; ~ *langkisau* angin puting beliung; ~ *laut* angin yg datang dr laut; ~ *lintang* angin kuat yg bertiup melintangi arah laluan kenderaan; ~ *membakat* = ~ *menebing* = ~ *menumbuk kurung* = ~ *tumbuk kurung* angin yg tepat dr buritan dgn ombak yg tinggi; ~ *musim* angin yg datang menurut musim tiap-tiap tahun; ~ *paksa* angin yg baik utk belayar; ~ *pancaroba* angin yg tidak tentu arahnya; ~ *pasang pasang-pasang*; ~ *pengarak pagi* angin pd waktu dinihari; ~ *puting beliung* = ~ *puyu(h)* angin yg berpusing-pusing; ~ *ribut* angin besar (bertiup dgn kencang), taufan; ~ *sakal* angin yg berlawanan dgn arah perahu; ~ *salah* angin yg tidak baik; ~ *sapu-sapu* = ~ *sepoi-sepoi (bahasa)*; ~ *selembubu* ~ *selung bubu* angin yg berpusing; ~ *sendalu* angin yg sedang ; ~ *sepoi-sepoi (bahasa, basa)* angin yg bertiup lembut; ~ *sorong buritan* = ~ *turutan* angin buritan; ~ *taufan* angin puting beliung; ~ *tegang kelat* sl angin kencang: *maka baginda berbuat sebuah negeri terlalu besar, tujuh buah gunung di dalamnya, luas kotanya pd sepenampang sehari pelayaran* ~ *tegang kelat*; ~ *temberang buritan (haluan)* angin yg serong dr buritan (haluan); ~ *tenggara mandi* angin keras dr tenggara; ~ *tikus* = ~ *tukus* angin pd awal angin tenggara; ~ *timba ruang* angin keras dr sisi perahu; ~ *yahum* angin tumbuk kurung; ~ *berputar, ombak bersabung* prb dikatakan bkn suatu perkara yg sangat sukar diselesaikan; ~ *bersiru kami tahu* prb Mn kami sudah

tahu bahawa hal (niat) seseorang telah berubah; *~ tak dapat ditangkap, asap tak dapat digenggam* prb (Lampung) khabar-khabar yg ganjil itu tidak dapat disembunyikan (disimpan); *ke mana ~ yg deras, ke situ condongnya = spt sepon kayu, di mana ditiup ~, di sanalah ia condong* prb dikatakan kpd orang yg tidak tetap pendiriannya; *kalau tiada ~ bertiup takkan pokok bergoyang = tak sebab kerana ~, pokok kayu maukah bergoyang* prb tentu ada sebabnya maka terjadi sesuatu hal; *tahu di ~ turun naik* prb orang-orang yg arif bijaksana tahu akan keadaan susah atau senang;

seangin sedikit sahaja, sekelumit;

angin-angin 1. desas-desus, khabar yg belum sah; **2.** gelagat;

angin-anginan panas baran, lekas marah;

berangin 1. ada angin: *hari panas dan tidak ~*; **2.** diketahui orang sedikit-sedikit: *setelah ~ hal itu, dia pun ditangkap polis; ~ keluar terbuka rahsia* (khabar dll);

berangin-angin duduk di tempat yg ada angin (supaya sejuk): *kedua-duanya pun ~ di beranda*;

mengangin 1. ark menjadi angin (hilang lenyap); **2.** bertiup angin; **3.** menumpah-numpahkan padi drpd nyiru supaya yg hampa ditiup angin dan terpisah drpd padi yg berisi: *petani itu sedang ~ padi*;

mengangini memberi berangin, memasukkan (meniupkan) angin, mengipasi;

menganginkan, mengangin-anginkan 1. = **memperanginkan** menaruhkan di tempat yg berangin (utk menyejukkan atau mengeringkan sesuatu), mengipasi: *tembikar itu dikeluarkan dr tempat pembakar dan dianginkan hingga sejuk*; **2.** membayangkan, menyatakan dgn samar-samar: *isterinya ~nya supaya anak mereka dijodohkan saja dgn anak saudaranya*;

terangin 1. kena angin; **2.** tampak angin-anginnya (gelagatnya);

terangin-angin tersiar khabar angin (desas-desus);

peranginan 1. tempat beristirahat atau berangin-angin (rumah atau bahagiannya); **2.** = *tempat* ~ = *kawasan* ~ tempat utk beristirahat yg biasanya agak jauh dr bandar (spt di tepi pantai, di puncak bukit, dsb).

angioma (Ubat) sj tumor yg selnya membentuk salur darah atau salur limfa.

angioplasti (Ubat) teknik pembedahan utk memperbaiki atau memulihkan saluran darah yg rosak (tersumbat dsb).

angiosperma (Bio) tumbuhan yg bijinya terdapat di dlm ovari.

angka I 1. tanda (lambang) yg menunjukkan bilangan atau jumlah sesuatu, nombor; **2.** Id markah: *berapa ~mu utk membaca?*

~ *abjad* (Komp) aksara yg hanya merangkumi angka dan huruf dlm sesuatu sistem tulisan; ~ *Arab* angka yg bermula dr 0, 1, 2 dan seterusnya, yg berbeza drpd angka Rumawi; ~ *bulat* = ~ *penuh* angka yg tidak mengandungi pecahan atau perpuluhan dan boleh bernilai negatif atau positif; ~ *dua* tanda nombor 2 (yg tidak digunakan lagi dlm penulisan sekarang) yg menunjukkan sesuatu perkataan itu diulangi keseluruhannya atau sebahagiannya (mis berhenti², cepat²); ~ *ganda* angka yg menunjukkan berapa kali sesuatu angka itu digandakan; ~ *ganjil* angka spt 3, 5, 7, dan seterusnya yg apabila dibahagikan dgn 2 akan berlebihi satu; ~ *genap* angka spt 2, 4, 6, dan seterusnya yg apabila dibahagikan dgn 2 tidak berlebihi; ~ *kandungan* hasil drpd mendarab dgn dua atau lebih sesuatu angka lain; ~ *pecahan* angka yg terdiri drpd pengatas dan pembawah (mis 3/4, 5/6, dsb); ~ *pengisi* angka-angka yg boleh menjadi pembahagi sesuatu nombor dgn tidak berlebihi (mis 3 dan 5 ialah angka pengisi bagi 15); ~ *penuh* angka bulat; ~ *Roman* angka yg bermula dr I, II, III, IV dan seterusnya, yg berbeza drpd

angka Arab; ~ *Rumawi* angka Roman; ~ *sial* angka yg kononnya membawa kesialan (mendatangkan sesuatu keburukan dsb);

angka-angka 1. = **perangkaan**; **2.** Id bilangan, hitungan dgn angka;

berangka-angka, berangka-angkaan termenung-menung memikirkan sesuatu;

mengangkakan memberi berangka, memberi bernombor;

perangkaan 1. butir-butir atau maklumat mengenai sesuatu (spt penduduk, hasil keluaran, perdagangan, dll) yg dikumpulkan secara bersistem dgn menggunakan angka, statistik: ~ *mengenai penghasilan barang utama*; **2.** = *ilmu* ~ pengetahuan mengenai pengumpulan dan penyusunan serta analisis dsb perangkaan, statistik.

angka II sl sangka, anggap, fikir;

mengangka menyangka, menganggap, memikir: *diangkanya kakang berubah cita.*

angkak Pn; terangkak-angkak angkuh, congkak, pongah.

angkali angka yg ditulis di hadapan rangkaian algebra (mis angka 3 dlm $3xy$).

angkar Jw angker.

angkara 1. perbuatan yg jahat (bengis, buas, ganas): *berbuat ~ kpd sesama manusia*; **2.** buas, ganas: *binatang yg ~*; **3.** = ~ *murka* mementingkan diri sendiri, serakah, tamak: *selama ada orang yg ~, tidak aman harta benda orang*; **4.** sl perbuatan kurang ajar (terhadap isteri orang dll), cabul: *berbuat ~ akan anak gadis orang.*

angkasa 1. udara, awang-awang, langit: *bintang-bintang menghias ~*; **2.** lapisan udara yg mengelilingi bumi; ~ *lepas* = ~ *luar* ruang di luar lapisan udara yg mengelilingi bumi;

mengangkasa terbang ke angkasa, naik ke udara (ke langit).

angkasan orang yg terlatih utk menyertai misi ke angkasa lepas (menuju ke bulan dll): *John Glenn ialah ~ Amerika yg pertama mengedari bumi di angkasa lepas.*

angkat 1. meninggikan, menaikkan ke atas: ~ *tangan*; **2.** yg dijadikan atau diakui spt (anak, ayah, dll): *abang ~ ; anak ~*; **3.** ark kali (kekerapan) membawa: *sudah tiga ~ minuman*; **4.** turunan: *se-seumur, sebaya (dgn)*;

~ *berat* = ~ *besi* sukan atau latihan jasmani dgn mengangkat besi;
~ *kaki* a) melarikan diri, cabut lari; b) meninggalkan sesuatu tempat (majlis dsb) dgn tergesa-gesa; ~ *sembah* melakukan sembah; ~ *sumpah* bersumpah; *dr jauh orang ~ telunjuk, kalau dekat dia ~ mata* prb jika kita berbuat salah akan diumpat orang di belakang kalau tidak di depan kita;

angkat-angkat yg boleh (dapat) diangkat-angkat: *jambatan ~*;

berangkat 1. mula meninggalkan sesuatu tempat utk pergi ke tempat lain, bertolak: *rombongan itu akan ~ ke Pulau Pinang*; **2.** mulai menjadi (besar, dewasa, dll): *anak itu sudah ~ dewasa*; *orang yg ~ hamil sering didatangi perasaan yg aneh-aneh*;

memberangkatkan menyuruh berangkat: *keesokan harinya rombongan itu diberangkatkan ke ibu kota*;

keberangkatan perihal berangkat (bertolak), berangkatnya: *dia pergi tanpa memberitahukan ~nya padaku*;

mengangkat 1. menggerakkan ke atas, menaikkan, meninggikan: *ia ~ panggang dr api*; *beberapa orang murid ~ tangan utk menjawab soalan guru*; **2.** membawa pergi atau membawa dr satu tempat ke tempat lain: *diangkatnya barang itu ketika ia berangkat tadi*; ~ *beg-beg masuk ke dlm kereta*; **3.** melantik, menaikkan (kedudukan, taraf, pangkat): *hendak ~nya menjadi pengerusi*; *peristiwa dan tindakan penting yg ~ taraf bahasa Melayu menjadi*

bahasa kebangsaan; **4.** (mulai) melakukan (menyatakan dll): ~ *sumpah*; **5.** mengambil sbg, mengakui sbg (anak dll): *ia telah diangkat anak oleh penghulu*; **6.** Id menangkap dan membawa pergi: *semalam ia diangkat oleh polis*; **7.** ki memuji (kerana hendak menyukakan hati): *pandailah kau ~ dia*;

~ *bicara* Id mulai berpidato; ~ *hadas* menyucikan diri drpd hadas kecil atau hadas besar; ~ *suara* meninggikan suara; ~ *tabik* memberi hormat; ~ *wuduk* menyucikan diri dgn mengambil air sembahyang;

mengangkat-angkat **1.** mengangkat berulang kali; **2.** ki meninggikan, memuji-muji (utk menyukakan hati): *jangan engkau suruh aku ~ orang*;

mengangkati berkali-kali mengangkat, mengangkat-angkat;

mengangkatkan mengangkat utk: *tolong angkatkan saya peti itu sebentar*; ~ *topinya akan memberi hormat*;

angkatan **1.** berat yg diangkat: ~*nya lebih drpd 200 paun*; **2.** pasukan tentera (dgn alat kelengkapan), bala tentera: ~ *bersenjata Malaysia*; **3.** pengiriman pasukan (tentera): ~ *pasukan ke daerah pertempuran sudah selesai*; **4.** ark = **pengangkatan, keangkatan** pelantikan: ~ *beliau sbg duta telah disahkan*; **5.** Id yg diangkat atau dilantik, lantikan (bkn jawatan, pangkat): *jawatan Perdana Menteri bukanlah ~ tetapi pilihan*; **6.** golongan orang yg mempunyai haluan atau pendirian (kecenderungan, cita-cita, dsb) yg sama: *Usman Awang ialah tokoh ~ Sasterawan '50 atau Asas '50*; **7.** golongan orang yg sebaya, generasi: ~ *muda*; **8.** sl selengkap; *pakaian* ~ a) selengkap pakaian kebesaran; b) pakaian kebesaran; c) pakaian seragam;

~ *baru* generasi baru (penganut aliran zaman baru); ~ *bersenjata* keseluruhan tentera sesebuah negara (yg terdiri drpd tentera darat,

tentera laut, dan tentera udara); ~ *darat* tentera darat; ~ *laut* tentera laut, armada; ~ *muda* para pemuda; ~ *perang* bala tentera yg berperang atau sedia utk berperang; ~ *raja* (*adiraja, diraja*) kereta yg membawa jenazah raja; ~ *udara* tentera udara;

perangkat, perangkatan 1. kelengkapan, perlengkapan, peralatan; ~ *adat* alat perlengkapan adat; **2.** = **keangkatan** ark keberangkatan;

seperangkat, seperangkatan 1. selengkap, sepemakai; **2.** ark segolongan;

pengangkatan perihal (perbuatan, cara, dsb) mengangkat (dgn berbagai-bagai erti);

pengangkat 1. alat utk mengangkat; **2.** orang yg mengangkat; **3.** orang yg suka memuji-muji.

angkatap angka atau kuantiti yg tetap nilaiannya (dlm rangkaian algebra), pemalar.

angkawan ark perangkawan.

angkel (angkél) Id **1.** wang yg diberikan kpd seseorang yg masuk serdadu (zaman kolonial); **2.** mengikat kontrak baru (sehabis kontrak lama).

angker Jw **1.** kelihatan menyeramkan kerana dipercayai berhantu (bkn pokok besar, rumah besar, dll); **2.** kelihatan menakutkan (bkn air muka seseorang).

angket (angkét) IB penyelidikan mengenai sesuatu yg menjadi kepentingan umum (biasanya dilakukan dgn surat pertanyaan).

angkin C ikat pinggang perempuan yg dibuat drpd kain.

angkit; angkit-angkit; belat ~ belat atau bidai di muka rumah yg boleh digulung-gulung;

mengangkit mengangkat (periuk dll dr atas tungku dll).

angklung alat bunyi-bunyian yg dibuat drpd buluh.

angkor; *besi* ~ besi utk memutarakan enjin motokar supaya berjalan (digunakan pd motokar zaman dulu).

angkubah sesuatu faktor (unsur, ciri, angka, dsb) yg tidak tetap (boleh berubah), variabel.

angkuh I mempunyai sifat atau watak suka meninggi diri, congkak, sombong, pongah, tinggi hati: *orang yg sombong dan ~; sifat ~;*

mengangkuhkan; ~ *diri* membuat diri kelihatan angkuh, menyombongkan diri, meninggi-ninggikan diri;

keangkuhan sikap yg angkuh, ketinggian hati, kecongkakan: ~ *golongan atasan boleh menimbulkan kebencian di kalangan rakyat.*

angkuh II Mn rupa, serupa (dgn); ~ *terbawa, tampan tinggal* prb baik rupanya, tetapi tidak baik sikapnya (memperolok-olokkan orang yg pesolek).

angkuk bentuk kepala pd perahu kolek.

angkul-angkul pengikat tali temberang yg berlubang dua.

angkung I sj permainan judi dgn kad.

angkung II kereta beroda dua yg ditarik orang.

angkup I = *sepit* ~ penyepit utk memegang barang yg kecil-kecil;

angkup-angkup I. Id lidah-lidah penutup lubang pd pompa dsb, katup (pd pompa dsb); **2.** = ~ *besi* sj penyepit;

mengangkup memegang (menyepit) dgn angkup;

terangkup-angkup terbuka tertutup berulang-ulang.

angkup II alat yg digunakan utk mengukur garis pusat tembikar dll; ~ *pokok* angkup bersengat yg digunakan utk menentukan garis pusat balak atau pokok.

angkus, angkusa sj tongkat berkait utk mengemudikan gajah, kusa (gajah).

angkut I; berangkut mengangkat dan membawa (berkali-kali): *empat kali Pak Pandir dan Mak Andeh ~ ulang-alik barulah habis;*

mengangkut 1. mengangkat dan membawa (ke sesuatu tempat): *ia menolong ibu bapanya ~ kayu api;* **2.** membawa dr satu tempat ke tempat lain (bkn kenderaan dll), memuatkan dan membawa ke sesuatu tempat dgn menggunakan alat pengangkutan: *beberapa buah lori ~ kayu balak menuju kilang papan; petani-petani ~ hasil tanaman mereka ke bandar-bandar yg berhampiran;*

angkutan barang yg diangkut: *lori itu terbalik kerana ~nya terlampau banyak;*

pengangkutan pembawaan (barang-barang dll) dr satu tempat ke tempat lain: *~ barang-barang itu harus didahulukan;* *~ awam* sistem pengangkutan bermotor spt teksi, bas dan kereta api yg boleh digunakan oleh orang ramai di kawasan tertentu dgn kadar tambang yg telah ditetapkan;

pengangkut orang yg mengangkut, alat utk mengangkut: *~ barang.*

angkut II; *~ besi* = **angkut-angkut** sj tumbuhan (pokok), jelunut, mendarung gajah, *Sommersonia bartramia.*

angkut-angkut sj lebah dlm famili Eumemidae.

anglap Jw = **menganglap** mencuri, tidak membayar hutang.

anglo Id, C dapur arang.

anglong I Jw bercakap tidak keruan.

anglong II → **anglung.**

anglung C rumah peranginan, pavilion.

angon Jw; *bocah* ~ budak gembala;

mengangon menggembalakan;

angonan binatang yg digembalakan.

angot Jw sakit (kembali), sakit gila (mengacau dsb).

angpau C wang dlm sampul kecil yg diberikan sbg hadiah pd hari Tahun Baru Cina dll.

angsa I sj itik besar, *Anser spp.*; ~ besar, *Anser albifrons*.

angsa II; ~ laut sj burung, *Sula leucogaster plotus*.

angsal Jw dapat, mendapat.

angsama Ml barua.

angsana sj tumbuhan (pokok), *Pterocarpus indicus*; **sena**.

angsang Jw insang.

angsoka sj tumbuhan (pokok yg berbunga), *Pavetta indica*.

angun Br; **mengangun** menjaga dan menunjuk ajar pengantin sehingga majlis perkahwinan selesai;

pengangun perempuan (biasanya golongan tua) yg mengajar selok-belok berumah tangga;

pengangunan tempat tidur pengantin.

angur Jw, sl lebih baik ... (drpd), biarlah, remaklah: ~lah beta mati.

angut; **mengangut** terkejap, terlelap, tidur sebentar, mengantuk.

anhu Ar ark daripadanya (lelaki): *radhiallahu*~ diperkenankan Allah atasnya.

ani; **mengani** memasang lungsin (pd alat tenun);

anian bahagian drpd alat tenun (tempat dipasang lungsin).

ani-ani Jw pisau pemotong padi, tuai.

aniaya perbuatan yg menyakiti atau menyeksa manusia atau binatang, kezaliman, penindasan, penyeksaan: *raja yg berbuat ~ akan dibenci rakyat*;

menganiaya, **menganiayai** melakukan aniaya, menindas, menyeksa: *apabila seseorang perempuan dianiayai oleh suaminya, dia boleh meminta pertolongan drpd kadi*;

teraniaya telah dianiayai, diseksa, ditindas: *fakir miskin tiadalah ~ di negeri itu; Allah tetap berada di pihak yg ~*;

penganiayaan perbuatan menganiayai, penyeksaan, penindasan:
dlm perlumbaan kuda, binatang itu menerima ~ juga;

penganiaya orang yg menganiayai, penyeksa, penindas.

animasi 1. perbuatan (proses, hasil drpd) menjadikan sesuatu kelihatan hidup; **2.** seni atau proses menyediakan gambar-gambar kartun yg kelihatan hidup;

menganimasikan menjadikan sesuatu gambar (kartun dsb) kelihatan bergerak atau hidup: *gambar kartun yg dianimasikan;*

penganimasian perihal (perbuatan atau proses) menganimasikan.

animis yg menganut atau berpegang pd animisme: *orang-orang ~ di pedalaman pulau Borneo.*

animisme kepercayaan bahawa setiap benda (batu, kayu, dll) mempunyai semangat (roh).

animistik berkaitan dgn atau bersifat animisme.

animo hasrat, keinginan, perhatian: *sangat kurang ~ utk mendengar muzik klasik.*

aning-aning sj penyengat besar.

anion (Kim) ion bercas negatif.

anis Id sj tumbuhan (herba), adas manis, adas cina, *Anethum graveolens.*

anja Mn; **beranja-anja, teranja-anja** manja; *masa kecil teranja-anja, sudah besar terbawa-bawa, lalu tua berubah tidak prb apa yg biasa dikerjakan semasa kecil susah dapat diubah kalau sudah tua.*

anjak; beranjak 1. (berpindah, beralih) sedikit dr sesuatu tempat, berengsot: *jangan ~ dr tempatmu;* **2.** bergerak meninggalkan sesuatu tempat: *ketika subuh tiba barulah dia ~ dr beranda dan masuk ke kamarnya;*

menganjak, menganjakkkan menggerakkan sesuatu dr sesuatu tempat, mengengsotkan: *dia ~ gelas itu ke tengah meja; dianjak*

layu, dianggur (dicabut) mati prb tidak dapat diubah lagi (keputusan);

anjakan hasil menganjak, engsotan; ~ *gaji* pergerakan gaji drpd tangga gaji semasa ke tangga gaji berikutnya pd satu peringkat yg lebih tinggi dlm Sistem Saraan Malaysia (bkn pergerakan gaji kakitangan perkhidmatan awam kerajaan Malaysia);

penganjakan perbuatan menganjak, pengengsotan;

penganjak bahagian drpd suatu perkakas utk menggerakkan supaya perkakas itu menjadi panjang atau pendek.

anjjal mudah berubah menjadi bertambah atau berkurang mengikut perubahan (harga, daya, dll) kenyal, elastik: *permintaan yg ~*;

menganjal mempunyai keupayaan utk balik ke tempat atau ke bentuk asal apabila ditarik atau ditekan: *katil spring ~ apabila kita tidur di atasnya*;

menganjalkan menyebabkan atau menjadikan menganjal: *gerakan ini penting bagi ~ otot di bahagian atas belakang lengan*;

keanjalan perihal anjal, kekenyalan, keelastikan;

ketakanjalan keadaan atau perihal tidak anjal: ~ *kadar faedah*.

anjang I kep panjang.

anjang II panggilan kpd saudara dlm sesuatu keluarga.

anjang-anjang I sj ikan laut, *Pentapodus setosus*.

anjang-anjang II sj ketam.

anjang-anjang III; *daun* ~ sj tumbuhan (pokok), *Elaeocarpus spp.*

anjar Ar ark sauh, jangkar.

anjiman sl kapal kompeni Inggeris yg belayar ke Asia Timur.

anjing 1. sj binatang yg menyalak (ada yg dipelihara utk menjaga rumah dsb dan ada yg liar); **2.** ki barua, tali barut, angsama, muncikari, jaruman, pinang muda: *dia menjadi ~ musuh kerajaan*;

~ *air* memberang, berang-berang, *Lutra spp.*; ~ *ajak* = ~ *geladak* anjing yg tidak dipelihara; ~ *arau* anjing belang putih hitam; ~ *hitam* ki orang jahat yg sentiasa menunjuk-nunjukkan keburukannya kpd umum; ~ *hutan* anjing liar yg hidup dlm hutan, *Cuon alpinus*; ~ *koreng* anjing yg bergaris-garis kuning dan hitam; ~ *kumbang* = ~ *lotong* anjing yg berwarna hitam; ~ *ladang* anjing belang hitam dan kuning tua; ~ *laut* sj mamalia laut, *Halichoerus grypus*; ~ *langsat* anjing yg berwarna kuning langsung; ~ *nibung* anjing yg berwarna kuning kecoklat-coklatan; ~ *pandan* anjing yg berwarna merah; ~ *penghidu* anjing yg dilatih khas utk mengesan dadah, menjejaki penjenayah dsb; ~ *polis* anjing yg terlatih utk membantu polis menjejaki penjenayah, mengesan dadah dsb; ~ *sabun* anjing yg berwarna putih; ~ *serigala* sj anjing liar yg hidup dlm hutan; ~ *sokom* anjing yg berbintik-bintik hitam; ~ *tanah* sj serangga, *Gryllotalpa vulgaris*; ~ *tarik* sj anjing yg digunakan oleh orang Eskimo utk menarik heretan mereka dsb;

~ *galak*, *babi berani* prb berani sama berani, kuat sama kuat; ~ *diberi makan nasi bilakan kenyang* prb sia-sia memberi nasihat yg baik kpd orang jahat; ~ *ditepuk menjungkit ekor* prb orang yg tidak berbudi, jika dihormati akan menjadi sombong; ~ *itu jika dipukul sekalipun, berpulang juga ia ke tempat yg banyak tulang* prb orang yg tamak dan tidak bermalu itu tidak peduli akan nama baiknya (tidak terhalang oleh hukuman); ~ *itu meski dirantai dgn rantai emas sekalipun, nescaya berulang-ulang juga ia ke tempat najis* prb orang yg bertabiat jahat itu, walau bagaimana sekalipun, tidak akan berubah lakunya; ~ *mengulangi bangkai* prb laki-laki yg mengulangi perbuatan yg tidak senonoh (perempuan jahat dll); ~ *menyalak bukit mahukah runtuh = beberapa pun ~ menyalak bukit bolehkah runtuh* prb bagaimanapun orang yg jahat mencela orang

yg baik tidak akan ada akibatnya; ~ *tiada bercawat ekor* prb sesuatu yg hina dan tidak berguna tidaklah indah pd mata sekalian orang; *bagai ~ beranak enam* prb dikatakan kpd perempuan yg kurus sekali kerana melahirkan anak; *bagai ~ melintang denai* prb seseorang yg sombong menunjukkan kesombongannya; *bagai ~ menyalak di ekor (di pantat) gajah* prb orang yg lemah hendak melawan orang yg berkuasa; *bagai ~ tersepit di pagar* prb seseorang yg dlm kesusahan serba salah halnya; *bangsa ~ kalau biasa makan tahi, tak dimakan, dicium ada juga* prb orang yg biasa berbuat jahat itu walau bagaimanapun akan teringat juga akan perbuatan yg jahat; *bagai disalak ~ bertuah* prb tidak dapat bertanggung, permintaan mesti dikabulkan (bkn anak-anak yg tidak dapat ditolak kehendaknya); *melepaskan ~ tersepit (sesudah lepas dia menggigit)* prb menolong orang yg tidak tahu membalas budi; *sbg ~ terpanggang ekor* prb dikatakan kpd seseorang yg mendapat kesusahan yg amat sangat, sehingga kian ke mari mencari pertolongan; *spt ~ berebut tulang* prb dikatakan kpd orang tamak yg merebutkan harta; *spt ~ berjumpa pasir* prb orang yg selalu ria hati kerana mendapat benda yg disukainya; *spt ~ beroleh bangkai* prb dikatakan kpd orang tamak yg mendapat sesuatu dgn mudahnya; *spt ~ dgn kucing* prb ibarat orang yg selalu berbantah; *spt ~ kedahuluan* prb Mn seseorang yg didahului oleh orang yg lebih mulia (kaya) dlm hal meminang gadis dll; *spt ~ kepala busuk* prb orang yg telah diketahui kejahatannya, ke mana ia pergi dihinakan orang juga; *spt ~ lapar mendapat tulang, daging segumpal dan sekeping apam* prb orang yg melakukan sesuatu kebajikan hanya kerana mengharapkan keuntungan; *spt ~ menggonggong bangkai* prb dikatakan kpd orang laki-laki yg membawa perempuan jahat; *spt ~ menggonggong tulang* prb orang

tamak yg hendak memiliki harta orang, akhirnya harta sendiri yg habis; *umpama ~ makan muntahnya* prb orang yg tamak itu tidak membezakan yg baik dgn yg jahat.

anjing-anjing I buah betis.

anjing-anjing II = ~ *perahu* alat utk menggulung layar pd perahu.

anjing-anjing III sj tumbuhan (pokok), *Cynometra cauliflora*.

anjing-anjing IV = *burung* ~ Pr burung pekaka, raja udang.

anjir Ar sj tumbuhan (pokok), *Ficus carica*.

anju Mn **1.** ancang-ancang, acu; **2.** maksud, tujuan;

menganju mengacu, memulai; → **anjur I.**

anjung bahagian rumah yg ditinggikan (di sisi atau di tengah rumah); ~ *peranginan* anjung tempat mengambil angin;

anjung-anjung, anjungan panggung yg tinggi di buritan perahu;

beranjung, berperanjung mempunyai anjung: *adalah dilarang membangunkan rumah ~ dan rumah bertiang gantung*;

menganjung 1. = **menganjungkan** memegang tinggi-tinggi, meninggikan, mengangkat tinggi-tinggi: ~ *layang-layang yg hendak dinaikkan*; **2.** = **menganjung-anjung, menganjung-anjungkan** memuji-muji, mengangkat-angkat, menyanjung-nyanjung: *ia orang yg suka dianjung*; **3.** menuju (perahu dll): *perahu itu pun ~ ke tengah laut*;

menganjungkan diri bagi sepasin prb Mn dikatakan kpd orang yg hina tetapi hendak melagakkan diri; *tinggi dianjung, besar dilambuk* prb Mn kebesaran seseorang itu ialah kerana dimuliakan oleh anak buahnya;

anjung-anjungan puji-pujian yg berlebih-lebih: *ia tak termakan oleh ~ itu*.

anjur I maju ke depan, tonjol; ~ *surat bak bertanam (dijemba-jemba bak bersiang)* prb tipu muslihat melakukan sesuatu bukan dgn maju ke depan sahaja, sambil berundur pun boleh;

beranjur mulai berjalan (melangkah dll);

menganjur 1. keluar ke hadapan dr bahagian yg utama, menjulur, menonjol (ke depan): *bumbung hadapan rumah dibuat ~ ke hadapan*; **2.** beranjur;

menganjuri mendahului (dlm sesuatu pekerjaan, usaha, dll): *dialah yg ~ rombongan tunjuk perasaan*;

menganjurkan 1. memajukan (menyorong, menghulur) ke depan: *jangan dianjurkan badan keluar tingkap*; **2.** mengemukakan, mengesyorkan, menyarankan, mencadangkan, mengusulkan: *pengerusi ~ supaya mogok makan*; **3.** mengadakan: ~ *ceramah*;

teranjur ark terlanjur;

anjuran 1. sesuatu yg dianjurkan, syor, usul, cadangan, saranan: *~nya supaya wanita masuk tentera wataniah mendapat sambutan baik*; **2.** sesuatu (majlis dsb) yg diadakan oleh seseorang (persatuan dsb): *pesta budaya ~ Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan*;

penganjuran perihal (perbuatan, usaha dsb) menganjurkan: *kita perlu sedar akan matlamat ~ sukan rakyat itu utk generasi muda kita sekarang ini*; ~ *Pesta Pantun peringkat kebangsaan dapat mengetengahkan pelbagai kebudayaan tradisi penduduk negeri Perak*;

penganjur 1. orang yg mendahului sesuatu (berjalan dll): *dua orang pemuda berjalan di depan sbg ~*; **2.** orang yg menganjuri sesuatu usaha dsb (pemimpin, pemula, dll): ~ *rakyat*; **3.** orang yg mengadakan sesuatu majlis dsb, promoter: ~ *pertunjukan pentas*.

anjur II ganjur, hela, tarik;

menganjur mengganjur, menghela, menarik; ~ *diri* menarik diri; ~ *surut* menarik kembali, memundurkan.

anoa sj kerbau hutan yg kecil (Sulawesi), *Bubalus depressicornis*.

anod (Kim) **1.** elektrod positif dlm sel elektrolisis atau tiub nyahcas; **2.** bahagian hujung yg negatif pd sel atau bateri.

anofeles (anofélés) (Bio) nyamuk tiruk.

anok Kd sj alat yg dipasang pd kerbau utk menarik padi.

anoksemia (anoksémia) (Ubat) kekurangan oksigen dlm darah.

anom sl muda dan kacak: *engkau aku ambil jadi warga dalam kerana sayang aku membunuh engkau ini kerana rupamu kedua bagus dan ~ tanpa tanding.*

anomali penyimpangan drpd peraturan (jenis atau bentuk) yg biasa, ketakwajaran: *ini membolehkan tribunal itu menyelesaikan ~ yg berbangkit berikutan dgn pelaksanaan SSB.*

anomi (Ant) tiadanya nilai sosial atau moral pd diri seseorang, sesuatu kumpulan atau masyarakat.

anomia (Ubat) kehilangan daya mengingati nama sesuatu objek yg dikenali.

anona ark → **nona II.**

anonikia (Ubat) ketiadaan kuku sejak lahir.

anonim nama samaran.

anorak (Eskimo) sj jaket kalis air yg mempunyai tudung kepala, biasanya dipakai utk melindungi seseorang drpd hujan, kesejukan dsb.

anoreksia (anoréksia) (Ubat) kehilangan selera makan.

anorkisme (Ubat) ketiadaan buah zakar (satu atau kedua-duanya sekali) sejak lahir.

anosmia (Ubat) kehilangan deria bau.

anotasi nota yg ditambahkan pd teks (biasanya penulisan sastra) sbg penerangan;

beranotasi mempunyai anotasi: *beberapa teks yg ~; bibliografi ~;*

menganotasi membuat catatan tambahan kpd buku (teks, manuskrip dsb) utk memberikan penjelasan atau keterangan lanjut;

penganotasian perihal (perbuatan atau proses) menganotasi.

Ansar Ar = *kaum* ~ orang Madinah yg menyambut Nabi Muhammad sewaktu baginda berhijrah ke Madinah dan membantu baginda dlm perjuangannya sehingga dapat menakluki kota Mekah kembali.

ansur; beransur, beransur-ansur **1.** sedikit demi sedikit (melakukan sesuatu atau berlakunya sesuatu), (dgn) berdikit-dikit: *hutang itu dibayar ~; keberaniannya datang ~; dgn ~, guru menambah pengetahuan murid-murid; dgn berhentinya pengeluaran majalah itu, maka gerakan itu pun beransur-ansur ghaib; 2.* sedikit demi sedikit bertukar kpd sesuatu keadaan, semakin: *tenaganya ~ pulih; demamnya ~ kebah; hari ~ gelap; 3.* bergerak meninggalkan sesuatu tempat sedikit demi sedikit (tidak serentak): *mereka mulai ~ dr tempat itu; 4.* bergerak (berengsot dsb) sedikit-sedikit atau perlahan-lahan: *mereka ~ ke depan;*

mengansur **1.** melakukan (menyelesaikan) sesuatu sedikit demi sedikit (berdikit-dikit): *~ hutang; ~ kerja; 2.* bergerak (mengengsot) maju perlahan-lahan atau sedikit-sedikit: *mereka ~ ke depan;*

mengansuri ark membayar (hutang dll) dgn beransur-ansur;

mengansurkan **1.** memberikan sesuatu secara beransur-ansur, memberikan sesuatu sbg ansuran atau bayaran berdikit-dikit (utk menyelesaikan hutang dll); **2.** menyorongkan ke hadapan;

ansuran wang (bayaran) utk menyelesaikan hutang dll secara beransur-ansur, wang yg diansurkan: *radio itu dibelinya dgn ~ RM30.00 sebulan;*

pengansuran perbuatan mengansurkan (hutang dll).

anta I sl sifat, keadaan;

~*-beranta* a) beraneka sifat (keadaan); b) awang-awang; ~*kesuma*
a) berbunga-bunga (baju dll); b) baju terbang.

anta II Ar kamu (merujuk kpd seorang lelaki).

antaboga ark sj naga besar, hantu bumi.

antagonis orang (pihak) yg kuat menentang orang (pihak) lain.

antagonisme pertentangan antara dua pihak (orang, kumpulan, dsb).

antagonistik menentang (seseorang atau sesuatu pihak) dgn hebat: *itu akan hanya mendapat reaksi negatif, ~ dan lebih buruk lagi.*

antah I butir-butir padi dlm beras atau nasi, gabah;

~ *berkumpul sama ~, beras bersama beras = bersisih ~ dgn beras* prb terasing orang miskin (hina) drpd orang kaya (mulia); *janjian ~ tiada ceruh* prb nasib yg malang tidak akan baik, malang juga selamanya; *laksana ~ melukut (lemukut), lapar sangat baru berguna* prb barang sesuatu yg tidak berharga dan kurang baik berguna juga dlm masa kekurangan; *tidak tahu ~ terkunyah* prb tidak berasa bahawa telah melakukan sesuatu yg tidak patut.

antah II; *negeri ~-berantah* sl negeri anu (negeri khayalan sahaja).

antakesuma; *baju ~* sl **1.** baju drpd cita berbunga-bunga; **2.** baju sakti.

antan penumbuk padi, alu;

~ *patah lesung hilang* prb tertimpa berbagai-bagai kecelakaan (kesusahan); *bagai ~ pencungkil duri = canggung spt ~ dicungkilkan duri* prb melakukan pekerjaan yg sia-sia; *bertelingkah ~ di lesung, ayam juga yg kenyang* prb berselisih antara dua saudara tentang sesuatu, orang lain yg beruntung;

bertelingkah bagai ~ di lesung prb orang yg sama sepekerjaan itu, jikalau bersalahan dan berkecil hati, jadi rosaklah pekerjaannya.

antap I padat, berat; *merentang ~* mencari jalan yg sependeknya; → **antep**.

antap II Mn tenang, diam, senyap;

mengantapkan menenangkan, mendiamkan (anak menangis dll):
antapkanlah anakmu itu.

antar □bp hantar.

antar- Id *awalan asing* dlm lingkungan atau hubungan yg satu dgn yg lain, mis *antarbenua* dan *antarkelompok*, antara.

antara 1. sela, jarak (di tengah dua benda): *dua pokok itu, ~nya tiga depa*; **2.** berada di tengah-tengah (dua jarak waktu, keadaan, dsb): *~ pukul 3.00 dan 4.00 petang; ~ kuning dan hijau; ~ tidur dgn jaga*; **3.** selang waktu, masa dr satu saat ke saat lain: *sejam ~nya datanglah ia*; **4.** di tengah-tengah kumpulan (golongan dll): *pilih ~ dua ini*; **5.** = *di ~* dlm ruang yg memisahkan (dua atau lebih titik, benda, dsb): *~ dua bangunan itu terdapat lorong kecil; jarak ~ filem dan arca*; **6.** yg melibatkan, berkaitan, dsb dgn: *perhubungan ~ bahagian-bahagian; perhubungan ~ kedua-dua negara itu semakin pulih; kerjasama ~ kita; pelanggaran ~ dua buah kereta; perbandingan ~ kedua-dua tokoh terkenal itu*; **7.** dlm lingkungan: *kanak-kanak yg berumur ~ lima hingga sepuluh tahun; ~ satu hingga dua minggu; diajarkan ~ sepuluh hingga dua puluh nama benda*; **8.** kpd setiap orang dsb, di kalangan: *barang-barang itu dibahagi-bahagikan ~ mereka*; **9.** termasuk dlm sesuatu kumpulan (bilangan, kelas, dsb): *itulah ~ beberapa perkara yg perlu dilaksanakan*; **10.** sementara, dlm pd itu: *ingat ~ belum kena*; **11.** tentang, dekat dgn, tidak jauh dr: *selepas beberapa hari lamanya maka sampailah ~ Mokha*; **12.** kira-kira, lebih kurang: *~ sepuluh*

orang tertangkap kerana merompak; ~ lain = ~nya salah satu drpd (hal-hal dll);

berantara 1. mempunyai antara (selang, sela): *rumah ini ~ empat meter dgn rumah itu;* **2.** tidak langsung, berselang waktu, tidak serta-merta: *perubahan itu dibuatnya dgn ~; tiada ~ lagi* tidak berhenti-henti, terus-menerus; *dekat tak tercapai, jauh tak ~* prb sesuatu yg dekat dgn kita tidak dapat kita ambil kerana tiada upaya;

mengantara menjadi orang tengah;

mengantarai 1. membuat antara, memisahkan: *ada suatu sungai yg ~ kedua-dua negeri itu;* **2.** bertindak sbg orang tengah, menjadi pengantara: *ia yg ~ perselisihan itu;*

perantaraan 1. perihal mengantarai (bertindak sbg orang tengah): *dlm pertikaian antara Malaysia dgn Indonesia diminta ~ dr negeri Siam;* **2.** penghubung (antara dua orang dll): *saya kirim surat ini dgn ~ kawan saya;* **3.** = dgn ~ dgn jalan, melalui: *kursus itu diberikan dgn ~ radio;* **4.** ark hubungan (pertalian, pergaulan): *~ dgn majikannya sudah kurang baik;*

pengantaraan tindakan mengantarai (menjadi orang tengah): *pergaduhan antara kedua-dua keluarga itu diselesaikan dgn ~ Tok Penghulu;*

pengantara, perantara orang tengah, penghubung (dlm perundingan dll): *dia hanya berlaku sbg ~ dlm perselisihan saya dgn Leman.*

antarabangsa 1. antara atau di kalangan negara-negara, melibatkan dua atau lebih negara: *menggalakkan persefahaman ~; perhubungan ~; perdagangan ~;* **2.** bkn atau berkaitan dgn dua atau lebih negara atau warganegaranya: *mahasiswa kita cenderung terhadap perkara-perkara ~;* **3.** ditubuhkan oleh dan dikawal atau digubal

utk beberapa negara: *mahkamah ~; undang-undang ~*; **4.** dimiliki atau dikaitkan dgn pertubuhan dsb yg mempunyai ahli-ahli dlm dua atau lebih negara: *pertubuhan ~; pergerakan ~*; **5.** boleh digunakan oleh semua negara: *perairan ~*; **6.** diterima oleh beberapa negara besar sbg tinggi tarafnya: *hotel ber taraf~*;

mengantarabangsakan menjadikan sesuatu (hak, isu, dsb) bersifat antarabangsa: *ada pihak-pihak tertentu yg cuba ~ pergolakan politik negara itu*;

keantarabangsaan keadaan sesuatu yg bersifat antarabangsa: *sikap ~ pucuk pimpinan Malaysia telah menarik minat seluruh dunia*;

pengantarabangsaan perbuatan (proses) mengantarabangsakan: *wujudnya peluang ekonomi yg semakin banyak akibat pembangunan dan ~*.

antara muka (Komp) bahagian (peranti, sambungan, dll) yg menjadi sempadan dan penghubung di antara dua komponen, litar, peranti, sistem, dll yg berlainan utk membolehkan pertukaran maklumat dilakukan;

~ *analog* sambungan pd komputer yg boleh menerima peranti analog; ~ *bas* litar atau peranti yg berfungsi memadankan atau menyambungkan alat lain pd sistem bas; ~ *bersiri* antara muka yg membolehkan maklumat dihantar satu per satu melalui saluran tunggal; ~ *Centronics* antara muka piawai utk menyambungkan komputer dgn pencetak selari; ~ *digital* sambungan yg membolehkan komputer menerima peranti digital; ~ *pengguna* penentuan dan peraturan komputer yg membolehkan pengguna mudah berinteraksi dgn komputer;

pengantaramukaan proses menghubungkan dua atau lebih alat, peranti, dll yg berlainan supaya dapat saling berhubung.

antar-antar penumbuk yg panjang (alu, antan, dll);

~ *gobek* anak gobek, pelantak gobek; ~ *senapang* pelantak.

antarbenua Id dlm hubungan antara satu benua dgn benua yg lain.

antardaerah Id dlm hubungan antara satu daerah dgn daerah yg lain.

antari; *baju* ~ baju panjang yg dipakai oleh orang naik haji.

antarkelompok Id dlm hubungan antara satu kelompok dgn kelompok yg lain.

antarnegara Id dlm hubungan antara satu negara dgn negara yg lain, antarabangsa.

antarpulau Id dlm lingkungan pulau-pulau.

Antartika daerah Kutub Selatan.

antasid (Ubat) bahan berkalkali yg dapat melegakan keadaan asid yg berlebihan di dlm perut.

antat I sl hantar;

mengantat menghantar: *Yang Dipertuan pun menyuruh ~ sirih dgn perhiasan.*

antat II sj tumbuhan (pokok), kenanga hutan, lidah-lidah, pacal kuning, *Alangium ebenaceum.*

anteken (antéken) ark IB surat berdaftar.

antelas; *kain* ~ sj sutera India yg berkilat (satin); **atlas II.**

antelop (antélop) binatang berkaki dan bertanduk panjang yg seakan-akan rusa, dan boleh berlari pantas (terdapat di Afrika dan Asia).

anten (antén) Id; **mengantennen** mengahwinkan; → **pengantin I.**

antena (anténa) alat utk memancarkan atau menangkap gelombang radio, aerial.

antenatal (anténatal) sebelum bersalin, semasa mengandung: *kehamilan yg tidak mendapat jagaan ~ yg lengkap.*

anteng Jw senang (hati), senyap.

antep Jw berat, antap;

mengantepi **1.** mempercayai, memegang teguh pd, sangat setia kpd; **2.** membiarkan, mendiamkan sahaja.

anter I (Bio) bahagian stamen yg mengandungi debunga, cepu debunga.

anter II Id hantar.

anterior (antérieur) (Bio) **1.** terletak berhampiran dgn bahagian hadapan, atau di bahagian hadapan sesuatu struktur yg lain, pd tubuh: *sesungut terletak di bahagian ~ lipas*; **2.** terletak paling jauh dr batang utama (bkn bahagian bunga atau daun).

antero (antéro); **seantero** seluruh, segenap: ~ *dunia*.

anteseden (antéséden) **1.** sesuatu (peristiwa, keadaan dsb) yg berlaku atau wujud sebelum sesuatu (peristiwa, keadaan dsb) yg lain, yg masing-masing berkaitan antara satu sama lain: *satu lagi ~ harga diri ialah pencapaian akademik*; **2.** (Lin) kata, frasa, atau klausa yg dirujuk oleh kata ganti nama yg mengikutinya, mis *Shuhada* ialah anteseden bagi *dia* dlm ayat *meskipun Shuhada lulus peperiksaan itu, dia gagal mendapat tempat di universiti*.

anti I tidak suka: *jangan ~ pd pembangunan; tunjuk perasaan ~-Rusia*.

anti II Ar kamu (merujuk kpd seorang perempuan): *Munirah, ~ dengarlah dulu cakap ana ni*.

anti- *awalan asing* tidak menyetujui, melawan, membantahi, menentang, mis *antikerajaan* dan *antisosial*.

antiagama menentang agama.

antiaparteid (antiapartéid) dasar menentang (tidak menyokong) sistem politik di Afrika Selatan yg mengasingkan orang drpd berbagai-bagai kaum melalui undang-undang.

antibakteria (antibaktéria) bersifat menentang atau memusnahkan bakteria: *minyak itu mempunyai kesan ~*.

antibiotik (Ubat) sj bahan kimia yg dihasilkan oleh mikroorganisma yg boleh mencegah pembiakan atau memusnahkan mikroorganisma

lain spt bakteri (digunakan dlm rawatan penyakit berjangkit pd manusia, binatang, dan tumbuhan).

antibodi (Ubat) sj bahan yg terbentuk dlm darah dan dapat menghalang tindakan atau memusnahkan bakteria yg memudaratkan atau membahayakan tubuh.

antidadah menentang segala kegiatan dan amalan yg berkaitan dgn najis dadah (spt penghasilan, pengedaran, penggunaan dll najis dadah): *pakar-pakar dan pejuang ~; kempen ~* usaha utk membanteras penyalahgunaan dadah.

antidepresan (antidéprésan) (Ubat) yg digunakan utk melegakan kemurungan.

antidiuretik (antidiurétik) (Ubat) bahan yg menghalang pengeluaran air kencing.

antidot **1.** ubat penawar; **2.** sesuatu (usaha, tindakan, dll) yg mengubah atau mengatasi sesuatu situasi yg kurang baik.

antiemetik (antiémetik) (Ubat) bahan yg mencegah muntah atau melegakan rasa loya.

antienzim (antiénzim) (Bio) bahan yg dapat merencatkan aktiviti sesuatu enzim.

antigen (Ubat) bahan (protein) yg apabila disuntikkan ke dlm tubuh merangsangkan pengeluaran antibodi.

antih; mengantih memintal benang;

pengantihan perbuatan mengantih, pemintalan benang.

antihero (antihéro) antiwira.

antihistamina ubat yg digunakan utk mengurangi atau mencegah kesan histamina, terutamanya dlm merawat alahan.

antijenayah menentang kegiatan jenayah: *gerakan ~ di Sabah.*

antik **1.** berasal dr zaman dahulu atau lampau sbg perbandingan dgn zaman moden: *kedai itu menjual barang-barang ~;* **2.** = barang-

barang ~ barang-barang spt perabot atau hasil seni lain yg dihasilkan dlm zaman lampau yg dikumpul dan dinilai kerana kecantikannya (mutu hasil kerjanya dan umurnya): *penggemar* ~;

keantikan sifat antik: ~ *perabot itu dapat dikesan drpd reka bentuknya.*

antikarat mencegah atau mengelakkan berlakunya karat: *minyak ini juga mempunyai kuasa melawan pemburukan dan mengandungi ciri-ciri khas* ~.

antikerajaan menentang (tidak menyokong) kerajaan: *anasir-anasir* ~.

antiketuk sj bahan yg ditambahkan kpd bahan api kenderaan bermotor utk mencegah atau mengurangkan bunyi bising enjinnya.

antiklimaks keadaan yg menjunam atau turun secara tiba-tiba kesannya (keistimewaannya dll) drpd suatu keadaan atau aliran yg memuncak, penurunan yg berbeza sama sekali drpd aliran memuncak sebelumnya.

antikuiti barang purba spt bangunan, karya seni dll.

antimalaria bahan yg dapat mencegah atau menyembuhkan demam malaria.

antimangkin (Kim) bahan yg mengurangkan atau memusnahkan tindakan mangkin.

antimikosis (Ubat) bahan yg dapat merencatkan pertumbuhan kulat yg menyebabkan penyakit.

antimoni sj unsur logam (pepejal putih) yg digunakan utk membuat aloi dan semikonduktor.

antimoniamis, antimon Id → □ **antimoni.**

antimun ark → □ **mentimun I.**

antinasional bkn (orang, pihak) yg menentang negara: *beliau membantah dakwaan itu dan menyifatkannya sbg tidak berasas dan memberikan gambaran bahawa beliau seorang* ~.

anting; *batu* ~ a) batu (timah dll) yg tergantung pd tali sbg pemberat (pd jangka dll); b) orang yg bergantung pd sisi perahu supaya jangan terbalik; ~ *neraca* Id batu timbang yg ringan-ringan;

anting-anting **1.** subang yg bergantung-gantung; **2.** bandul (pd jam, alat penduga, dll);

menganting bergantung berayun-ayun.

anting-anting; *burung* ~ sj burung, burung hamba kera, burung sawai, *Dissermurus paradiseus*.

antinovel (Sas) karya prosa yg menolak penggunaan unsur novel konvensional atau tradisional, terutamanya dr segi pembentukan plot.

antioksidan bahan yg dapat melambatkan proses pengoksidaan.

antipati rasa benci, rasa tidak suka: *menaruh* ~ *pd seseorang*.

antipeluh bahan yg digunakan pd kulit utk mengurangkan atau mencegah perpeluhan, terutamanya di bawah ketiak.

antipiretik (antipirétik) ubat yg dapat mengurangkan atau menyembuhkan demam.

antiplot tidak secocok atau bertentangan dgn plot: *malah drama mereka nampaknya spt* ~.

antipode Id **1.** sebelah bumi yg berlawananan dgn tempat kita; **2.** ki lawan.

antirasisme amalan atau dasar yg menentang rasisme dan menggalakkan toleransi kaum.

antireumatik (antiréumatik) (Ubat) bahan yg dapat mencegah atau melegakan gejala reumatisme.

antiseptik (antisépsis) (Ubat) pemusnahan bakteria dll (yg menyebabkan penyakit).

antiseptik (antiséptik) bahan kimia (spt iodin, alkohol, asid borik, dll) yg digunakan utk membunuh atau mencegah pembiakan bakteria pd permukaan kulit (pd luka, alat perkakas pembedahan, dll).

antiserum (antisérum) (Ubat) serum darah yg mengandung antibodi melawan antigen tertentu, digunakan utk merawat atau melindungi seseorang drpd sesuatu penyakit.

antisiklon kawasan yg tekanan udaranya lebih tinggi berbanding dgn tekanan udara di sekelilingnya sehingga menghasilkan keadaan cuaca yg tenang.

antisipasi perkiraan atau bayangan tentang hal-hal yg akan terjadi.

antisosial **1.** tidak suka bergaul dgn orang lain (masyarakat): *mereka yg ~ akan hanya merenggangkan diri mereka drpd arus pembangunan masyarakat*; **2.** bertentangan dgn atau berbahaya kpd peraturan atau adat (sesebuah masyarakat).

antitesis (antitésis) **1.** sesuatu yg benar-benar berlawanan atau bertentangan; *Boyle meragui segala sesuatu yg merupakan ~ kpd prinsip keyakinan dlm agama*; **2.** penggunaan kata atau ungkapan spt 'berjuang atau menyerah' dlm frasa, ayat, dll yg sama utk mendapatkan kesan perbezaan atau pertentangan yg seimbang.

antitoksin (Ubat) sj zat dlm tubuh yg dapat melawan racun penyakit.

antivirus bersifat menentang atau membasmi virus: *ubat ~; perisian ~.*

antiwira (Sas) watak utama (wira) dlm sesebuah novel, cerita, filem, drama dsb yg tidak memiliki sifat yg lazimnya dikaitkan dgn seseorang wira, spt keberanian dan kepimpinan.

antologi kumpulan karya prosa (spt cerpen) atau sajak atau kedua-duanya yg dihasilkan oleh berlainan pengarang, kumpulan karangan pilihan seseorang pengarang, bunga rampai;

mengantologikan menghimpunkan atau menyusun sesuatu karya spt cerpen utk dijadikan sbg antologi: *karya-karya mereka telah pun diantologikan oleh penerbit utk tatapan umum.*

antonim (Lin) kata yg berlawanan maknanya dgn kata lain, mis *tinggi* lwn *rendah*.

antonimi (Lin) hubungan antara antonim.

antraks (Ubat) penyakit berjangkit akibat bakteria *Bacillus anthracis* yg lazimnya menyerang haiwan ternakan yg seterusnya boleh menjangkitkan bakteria tersebut kpd manusia.

antrasit sj batu arang yg sangat keras, tidak mengeluarkan banyak api atau asap apabila dibakar tetapi menghasilkan haba yg sangat panas.

antre (antré), **antri** Id, bp berdiri berderet-deret.

antropogeni (antropogéni) kajian tentang asal usul manusia.

antropoid 1. menyerupai bentuk manusia (bkn cimpanzi, monyet dsb); **2.** makhluk yg berbentuk seakan-akan manusia, mis gorila atau cimpanzi.

antropologi pengajian saintifik tentang asal usul manusia (perkembangan fizikal dan budayanya, ciri-ciri rasnya dan adat resam, serta kepercayaannya), kaji manusia.

antropomorfisme 1. kepercayaan bahawa Tuhan bersifat sama spt manusia (dr segi rupa bentuk, perasaan, atau kelakuan); **2.** kepercayaan bahawa sesuatu haiwan atau objek mempunyai perasaan, sama spt manusia.

antroposentrisme (antroposéntrisme) pandangan yg menganggap manusia sbg faktor yg paling penting dlm alam semesta.

antui = ~ *hitam* = ~ *kuning* = ~ *putih* sj tumbuhan (pokok), *Drepananthus pruniferus*.

antukar sj burung, *Rallina fasciata* (*Rallus striatus gularis*).

antul; mengantul melambung kembali, melenting, memantul, mengambul, menganjal.

antun sl anggun, kacak; *orang* ~ pesolek;

berantun berhias, bersolek: *sedikit bekerja, banyak* ~.

antung-antung sj bakul tergantung (tempat menaruh barang).

antup Jw sengat;

mengantup menyengat.

antus; antusan ark sl utusan.

anu 1. (orang, benda, dll) yg tidak disebut namanya (dgn disengajakan, kerana terlupa, dsb): *si ~ nak datang; dgn hajat ~*; **2.** (Mat) kuantiti tertentu yg belum diketahui nilainya.

anugerah pemberian berupa hadiah dsb yg tinggi dan besar nilainya (drpd Allah, pemerintah atau negara, dll), kurniaan: *mendapat ~ Allah; A~ Sastera Negara;*

menganugerahi memberi anugerah kpd seseorang, mengurniai: *Allah ~nya seorang anak lelaki;*

menganugerahkan memberikan sesuatu sbg anugerah, mengurniakan: *Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan ~ pingat kpd beliau;*

anugerahan sesuatu yg dianugerahkan;

penganugerahan pemberian anugerah: *beliau menyarankan agar ~ seumpama itu dicontohi oleh institusi kewangan yg lain.*

anugeraha ark→ **anugerah.**

anuiti (Eko) pembayaran wang kpd seseorang pemegang kuasa dgn jumlah dan jarak waktu tertentu;

~ *biasa* anuiti yg dibayar atau diterima pd penghujung setiap tempoh tertentu; ~ *hayat* anuiti yg dibayar kpd pewaris sepanjang hidupnya dan akan terhenti apabila pewaris itu meninggal dunia; ~ *sampai tempoh* anuiti yg dibayar atau diterima pd awal setiap tempoh tertentu.

anulus ruang, bahagian dsb yg berbentuk spt cincin.

anum Jw sl muda.

anumerta gelaran (pangkat dsb) yg diberikan sesudah seseorang meninggal dunia.

anur → □ **andur**.

anuresis (anurésis) (Ubat) keadaan tidak dapat kencing walaupun air kencing telah dihasilkan oleh buah pinggang dan tersimpan di dlm pundi kencing.

anuria (Ubat) kegagalan menghasilkan air kencing, yg biasanya berpunca drpd kerosakan buah pinggang.

anut; menganut, menganuti menerima sesuatu ajaran (aliran, fahaman, dsb) sbg pegangan yg teguh, mengikut, menurut, memeluk (agama): *ada drpd perbuatan-perbuatan kita telah pun menjadi adat resam yg kita anuti sejak lama; ~ agama Islam; beliau ~ fahaman realisme sosialis;*

anutan keyakinan yg dianut, ikutan, turutan: *agama Islam telah lama menjadi ~ penduduk-penduduk di negara itu;*

penganutan perihal (perbuatan) menganuti: *bidang kita ialah menumpukan perhatian kpd ~ agama sbg fenomena sosial;*

penganut pengikut (ajaran, aliran), pemeluk (agama).

anyal Jw ngeran, sebal.

anyam corak anyaman; jenis-jenisnya: ~ *kudai* = ~ *selang dua*, ~ *gila*, ~ *pucuk rebung*, ~ *sasak*, ~ *tiga selang tiga*, ~ *tikar*;

menganyam 1. menjalin silang-menyilang (utk membuat tikar, bakul, dll): ~ *bakul*; ~ *ketupat*; ~ *tikar*; **2.** menjalin atau memintal (rambut), mendandan: ~ *rambut*;

anyam-menganyam pekerjaan menganyam;

anyaman 1. hasil menganyam, barang yg dianyam; **2.** kerja menganyam;

penganyam orang yg kerjanya menganyam.

anyang I sl 1. makanan drpd daging (kerang dll) mentah yg dibubuhi rempah-rempah dan dimakan mentah-mentah; **2.** buah-buahan mentah dgn cabai dan garam;

menganyang membuat anyang.

anyang II sj tumbuhan (pokok), *Elaeocarpus grandiflora*.

anyar Jw ark baru.

anyel → **anyal**.

anyelir IB bunga teluki.

anyih; *onyah*-~□; → **onyah**.

anyur; *buah* ~ bagian drpd kepala gajah di bawah rahang bawah yg menyerupai bola.

aorta (Bio) saluran besar dlm sistem salur nadi yg menyalurkan darah dr bilik jantung sebelah kiri ke salur nadi seluruh anggota dan organ-organ (kecuali paru-paru), salur nadi agung.

aortitis (Ubat) radang aorta.

a/p kep anak perempuan (kpd): *Kumari* ~ *Gopal*.

apa 1. kata utk menanyakan nama (jenis, sifat, dll) sesuatu: ~ *yg kaubeli tadi?* **2.** pengganti sesuatu yg kurang tentu (kurang terang): *tidak terdengar* ~ *yg kaucakapkan*; **3.** = *~lah* kata utk menghaluskan suruhan: *belikan* ~ *saya sebungkus rokok*; **4.** = *~kah* kata utk menanyakan sesuatu (bukan manusia): *~ kereta itu rosak?* **5.** atau: *ya* ~ *tidak*;

~ *akal* bagaimana akal, apa yg harus dibuat; ~ *boleh buat* apa yg hendak dilakukan lagi, tak ada jalan lain lagi; ~ *daya* tidak ada kuasa lagi; ~ *khobar* a) bagaimana keadaanmu; b) ada khobar barukah; ~ *lacur* Id ya bagaimana lagi (apa boleh buat); ~ *macam* apa khobar; ~ *pasal* apa sebab; ~ *sahaja* = ~ *saja* = *barang* ~ = *segala* ~ tidak kira apa, sebarang, segala sesuatu; ~ *tidaknya* memang ya; ~ *ubahnya* serupa; *kena* ~ a) apa yg dialami atau dideritai; b) mengapa, kenapa;

apatah lebih-lebih lagi, apalagi: *saya tidak mampu membeli kereta*, ~ *lagi Ali yg miskin itu*;

apa-apa **1.** barang apa, segala apa, segala sesuatu: *tidak memberikan ~ perhatian*; **2.** sesuatu: *ada ~ yg ingin kamu tahu lebih lanjut mengenai pelajaran hari ini?*

berapa kata yg menanyakan banyaknya;

mengapa **1.** apa sebab, kena apa: *~ kamu berhati dengki?* **2.** apa yg diperbuat: *~ kamu di dlm bilik itu?*

mengapai, mengapa-apai melakukan sesuatu terhadap: *diapainya maka ia menangis?*

mengapakan, mengapa-apakan, mendaftarkan **1.** melakukan apa atau bagaimana lagi, membayangkan: *tetapi hendak diapakan, emak sayang padanya*; **2.** melakukan apa-apa terhadap, membuat (melakukan) sesuatu terhadap: *akan kutuntut bela kpd raja yg mendaftarkan suamiku; dia menangis dan meraung mengatakan bahawa ibu bapanya akan mengapa-apakannya sekiranya adiknya tidak dijumpai.*

apa-apa sj tumbuhan (pokok spt pokok durian), *Neesia spp.*

apabila semasa, sewaktu, ketika, bilamana, apakala: *~ ada harta si mati hendak dibahagikan, tentu sahaja ada pertelingkahan; dia semakin bimbang ~ melihat keadaan ibunya yg semakin tenat.*

apai → □ **gapai**.

apakala sl apabila, bilamana, ketika.

apalagi lebih-lebih (lagi), terlebih-lebih pula, tambahan pula, apatah lagi: *dgn kereta saja ia sudah mabuk, ~ dgn kapal terbang.*

apam sj penganan yg biasanya dibuat drpd tepung beras yg dicampurkan dgn ibu roti dan dikukus;

~ balik sj apam yg dibakar dan ditaburi kacang, gula, dsb di atasnya dan dilipat dua; *~ dewa* = *~ lenggang* apam yg dibakar dgn melenggangkannya dlm sj belanga; *~ Malaysia* sj apam yg dibuat drpd campuran tepung gandum, gula hangus, telur, soda kuih, dsb

dan dikukus; ~ *mangkuk* sj apam yg dikukus dlm mangkuk-mangkuk kecil; ~ *manis* sj apam yg berwarna-warni yg dibuat drpd campuran tepung beras, aiskrim soda, dsb dan dikukus;

mengapam 1. memasak apam; **2.** menyerupai apam.

apar Mn tempat tukang besi bekerja, dapur tukang besi; *kampung* ~ kampung pandai besi.

aparteid (apartéid) dasar membezakan warna kulit (biasanya antara kulit putih dgn kulit hitam), dasar diskriminasi terhadap orang berkulit hitam (di Afrika Selatan).

apartmen pangsapuri.

apas I sl anggun, kocak, tampan.

apas II Jk sial, celaka.

apatetik (apatétik) bersikap tidak ambil peduli (acuh tak acuh, endah tak endah, dsb).

apati sikap tidak menaruh minat atau sikap tidak endah terhadap sesuatu yg wajar diberi perhatian.

APEC (apéc) akronim bagi *Asia Pacific Economic Cooperation* (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik).

apeh (apéh) → **apek**.

apek (apék) C panggilan kpd lelaki (agak tua) berbangsa Cina.

apeks (apéks) bahagian puncak atau hujung sesuatu yg tirus: ~ *paru-paru*; ~ *daun*.

apel (apél) IB minta banding.

apendektomi (apéndéktomi) pembuangan apendiks secara pembedahan.

apendiks (apéndiks) (Bio) umbai usus yg terdapat di persimpangan usus kecil dgn usus besar dan terletak di sebelah kanan abdomen.

apendisitis (apéndisitis) (Ubat) radang apendiks yg ditandai rasa sakit di abdomen dan disertai rasa loya, muntah, dan demam.

aperitif (apéritif) minuman beralkohol, terutamanya wain, yg diminum sebelum makan utk membuka selera.

apertur bukaan yg mengawal banyaknya cahaya yg masuk ke dlm kamera.

apes → □ **apas II.**

api 1. nyalaan drpd sesuatu yg dibakar atau yg terbakar: ~ *kebakaran itu kelihatan menjulang-julang*; **2.** kepanasan (haba) yg digunakan utk memasak terutama drpd penunu dapur yg dinyalakan: *letakkan kualiti di atas ~*; **3.** kebakaran (biasanya diucapkan dlm keadaan cemas): ~! ~! *Hamid berteriak!* **4.** bp elektrik: *bil ~*; **5.** bp mancis api atau pemetik api (utk menyalakan rokok, cerut, paip, dsb); **6.** ki sesuatu perasaan (spt marah, suka, rindu, cinta, dsb), semangat atau harapan yg meluap-luap di dlm hati (fikiran): ~ *percintaan sedang membakar seluruh jantung hatinya*; *meniupkan ~ perjuangan*; ~ *perkauman*;

~ *lancip* Id api yg lebih panas drpd api biasa; ~ *luka* Id demam kerana luka; ~ *neraka* api seksaan dlm neraka;

~ *itu pd tatkala kecil jadi kawan apabila besar jadi lawan* prb kejahatan yg kecil itu hendaklah lekas diperbaiki sebelum berbahaya; ~ *kecil baik padam* prb kejahatan itu harus diperangi semasa kecil; ~ *padam puntung berasap* prb perkara yg telah selesai tetapi timbul kembali; ~ *padam puntung hanyut* prb Mn perkara yg sudah putus tidak ada sambungannya lagi; *bagai ~ dgn asap* prb tidak dapat dipisahkan; *bagai rabuk dgn ~, asal berdekat menyalalah ia* prb dikatakan kpd dua orang yg sentiasa berbantahan; *bermain ~ latur (letup)* prb barang siapa yg melakukan kejahatan, akan kena akibatnya kelak; *bersuluh menjemput (minta)* ~ prb bertanyakan sesuatu yg diketahui; *di mana ~ berpupuk, di situlah asap keluar* prb setiap kejadian itu

tentu meninggalkan bekasnya; *di mana ~ padam, di situlah puntung tercampak, di mana periuk pecah, di situlah tembikar tinggal* prb di mana kita mati, di situlah dikuburkan; *kalau tak ada ~, masakan ada asap* prb tentu ada sebabnya terjadi sesuatu hal; *meletakkan ~ di bumbungan* prb sengaja mencari bahaya; *spt ~ makan lalang kering, tiada dapat dipadamkan lagi* prb suatu marabahaya yg berlaku pd orang yg lemah, tidak berdaya menolaknya; *spt ~ makan (dalam) sekam* prb sesuatu yg berlaku dgn diam-diam; *spt meniup ~ di atas air* prb melakukan pekerjaan yg hampir tidak memberi harapan akan berhasil; *spt rabuk dgn ~* prb dua orang yg bertujuan sama dlm suatu perkara hanya menanti peluang yg baik saja lagi utk dikerjakan; *sudah ke tengah makan ~* prb Mn suatu perselisihan yg susah didamaikan;

api-api 1. = *anak ~ = batang ~ mancis*; **2.** tali api;

berapi 1. mengandung api, mengeluarkan api: *puntung rokoknya masih ~; gunung ~*; **2.** ki menjadi semakin meluap-luap (bkn kemarahan, semangat, dsb): *kemarahannya tambah ~; bergantung tiada bertali, bersalai tiada ~* prb perempuan yg ditinggalkan oleh suami, belanja tiada diberikan tetapi tidak pula diceraikan;

berapi-api 1. merah menyala (mata) kerana terlalu marah, berpendar-endar, berkunang-kunang: *matanya ~, hilang pertimbangan dr hatinya*; **2.** (dgn) berkobar-kobar, (dgn) bersemangat: *saya juga berucap ~ menaikkan semangat perjuangan tuan-tuan*; **3.** marah sekali: *cikgu ~ di sekolah tadi*;

mengapi menjadi spt api atau menyerupai api;

mengapikan, mengapi-apikan menghasut (hasut): *mereka ~ Hindun supaya melawan ibunya*;

memperapikan memanggang;

perapian tempat menyalakan api utk memanaskan ruang, bilik dsb, pendiangan;

pengapi orang yg mengapi-apikan orang atau pihak lain, penghasut.

api-api I sj serangga, kunang-kunang.

api-api II sj tumbuhan (pokok) dlm famili Verbenaceae yg banyak terdapat di hutan paya bakau, *Avicennia spp.*; ~ *bulu*, *Avicennia lanata*; ~ *ludat*, *Avicennia officianlis*; ~ *jambu*, *Avicennia marina*; ~ *putih*, *Avicennia alba*.

apiari tempat memelihara dan membiakkan lebah.

apik rapi dan bersih serta sangat baik: *pekerjaannya ~ sekali*.

apikultur pemeliharaan dan membiakkan lebah.

apilan sl papan tebal yg digunakan spt perisai pd meriam (dlm kapal).

aping (Sunda) apit;

mengaping mengapit.

apion ark gasing.

apit 1. berada di antara dua benda (orang dll), tercepit, terhimpit; **2.** = **apitan** perkakas utk menyepit (menghimpit); **3.** = **pengapit** orang yg mengiring raja, ajutan, barang yg di kiri kanan sesuatu; ~ *cina* a) rotan utk menyepit jari murid yg nakal; b) barang yg dihimpit atau disepit; ~ *kanan (kiri)* pemain (dlm permainan sepak takraw) dlm barisan hadapan betul-betul ke kanan (ke kiri); ~ *khutbah* hari raya (sama ada hari raya puasa atau hari raya haji) yg jatuh pd hari Jumaat dan dgn ini khutbah dibaca dua kali pd hari tersebut; ~ *lempang* a) papan yg di atas lunas (pd perahu); b) pengiring raja, ajutan; ~ *tempang* papan yg menutup rangka perahu, badan perahu;

apit-apit perangkap tikus (harimau dll);

berapit 1. berada di antara dua benda (orang dll); *duduk* ~ duduk di antara dua orang; **2.** berdekatan, berhimpit, bersanding; *bintang* ~ dua bintang yg berdekatan letaknya;

mengapit 1. menyepit, menghimpit, menindih; ~ *minyak* memerah minyak; **2.** menempatkan di antara dua benda (orang dll), mengiringi di kiri kanan: *semasa dibawa ke penjara, dia diapit oleh dua orang polis; diapit tidak bersanggit, ditambat tidak bertali* prb perempuan yg tidak diberi nafkah oleh suaminya tetapi tidak pula diceraikan;

memperapitkan merapatkan, menghimpitkan;

apitan 1. perkakas utk menghimpit (mengempa, menyepit): ~ *minyak*; ~ *tebu*; **2.** (Lin) awalan dan akhiran yg diberi serentak pd sesuatu kata (mis ke ... an, pe ... an, dll);

pengapitan perihal mengapit;

pengapit 1. perkakas utk mengapit; **2.** picitan (dgn jari); **3.** orang di kiri kanan pengantin; **4.** pembantu, ajutan, apit.

apit-apit I sj lebah.

apit-apit II = *burung* ~ sj burung pipit, ciak tanah, laki padi, lancar-lancar, seri lancar, ciak (pipit) padang, *Anthus novaeseelandiae malayensis*.

apkir IB tidak dapat dipakai, ditolak, ditampik;

mengapkir menolak, menampik;

apkiran barang yg tidak dipakai, tampikan.

aplikasi kegunaan (pd praktiknya);

mengaplikasikan menggunakan secara praktik atau amali, melaksanakan atau menggunakan pd amalan: *mereka mengetahui beberapa banyak teori dan terlalu ingin ~ teori itu ke dlm sesi yg baru dimulainya*;

pengaplikasian perihal (perbuatan) mengaplikasikan sesuatu.

aplus I IB bp bergilir (orang berkawal, bertugas, dll);

mengaplus mengganti (pengawal dll).

aplus II IB tepuk tangan (tanda setuju dll).

apnea (apnéa) (Ubat) keadaan terhentinya pernafasan beberapa ketika.

apodia (Ubat) kecacatan sejak lahir yg dicirikan dgn ketiadaan kaki (sebelah atau kedua-duanya sekali).

apogi titik dlm orbit bulan atau satelit, ketika bulan atau satelit berada paling jauh dr bumi.

apoi sj tumbuhan (pokok), bedanan jantan, jolok hantu, mempenai bukit, *Arthrophyllum ovalifolium*.

apokope (apokopé) (Lin) pengguguran bunyi atau huruf, sama ada satu atau lebih di hujung kata.

apolog cerita dongeng yg mengandungi unsur pengajaran, yg wataknya terdiri drpd haiwan atau objek yg beraksi sbg manusia.

apologetik (apologétik) bersifat menyesali sesuatu perbuatan yg telah terlanjur: *nada suaranya yg ~ itu mungkin menunjukkan dia telah menyedari kesilapannya itu*.

apologia hujah seseorang utk membela atau mempertahankan pendapat atau tindakannya tentang sesuatu perkara.

apologis orang yg mempertahankan sesuatu (pendapat, kepercayaan, tindakan dsb) dgn hujah.

apopleksi (apopléksi) (Ubat) penyakit yg menyebabkan seseorang jatuh pingsan kerana kerosakan pd salah satu pembuluh darahnya di bahagian otak.

aposisi (Lin) kata atau frasa yg menjelaskan kata atau frasa yg mendahuluinya, mis *Fadzli* dlm frasa *kawannya, Fadzli, ...* atau *Bapa Kemerdekaan* dlm frasa *Tunku Abd Rahman, Bapa Kemerdekaan,*

apotek (apoték) IB rumah ubat, kedai ubat.

apoteker (apotéker) IB ahli obat.

apraksia (Ubat) ketidakupayaan mengkoordinasi pergerakan akibat kecederaan otak.

apresiasi (aprésiasi) **1.** penghargaan (terhadap sumbangan, jasa, dll seseorang atau sesuatu pihak); **2.** pengiktirafan serta penghayatan nilai dll (sesuatu karya) sastera atau seni: *kegiatan ~ sastera spt deklamasi puisi dan nyanyian puisi bukan lagi menjadi milik sasterawan kota; ~ masyarakat terhadap seni lukis masih rendah;*

mengapresiasi 1. memberikan penghargaan (terhadap sumbangan, jasa, dll), menghargai; **2.** mengiktiraf dan menghayati nilai dll sesuatu karya sastera atau seni: *pengetahuan itu dapat memudahkan kita ~ drama dan menikmatinya dgn lebih bermakna dan berkesan.*

APRI akronim bagi Angkatan Perang Republik Indonesia.

aprikot 1. = buah ~ buah sj pokok yg isinya berwarna oren kekuning-kuningan spt buah pic; *pokok ~ pokok yg menghasilkan buah aprikot, Prunus armeniaca;* **2.** warna oren kekuning-kuningan.

April bulan keempat dlm Tahun Masihi yg mengandungi 30 hari.

aprit; aprit-apritan Jk berlari tunggang-langgang; → □ **abrit.**

apron I kain yg dipakai, biasanya oleh tukang masak, utk menutupi bahagian depan pakaian supaya tidak menjadi kotor.

apron II kawasan berpermukaan keras di terminal yg khusus utk meletakkan pesawat udara dan kegunaan memunggah dan memuatkan barang.

aptitud kemahiran atau kebolehan semula jadi seseorang, bakat: *ujian ~.*

apum → □ **apam.**

apung 1. terkatung, tidak tenggelam di air; *batu ~ batu yg tidak tenggelam (sangat ringan); 2. = apung-apung segala yg terkatung-katung di air (mis kayu, pelampung, dll); ~ buih timbul tenggelam;*

laksana ~ dipermainkan ombak prb peri kesusahan anak dagang yg miskin di rantau orang;

berapung, berapung-apung 1. bermain-main di atas air (dgn perahu dll); 2. = **terapung-apung**;

berapungan terkatung-katung dgn banyak, berserak di atas permukaan air: *nampak banyak kayu ~;*

mengapung 1. timbul ke permukaan air, terkatung-katung di air (tidak tenggelam): *sesudah beberapa hari hilang, mayat orang yg tenggelam itu ~ pula;* 2. melayang ke atas, terbang ke udara: *ketika dilepaskan, belon-belon itu ~ ke udara;*

mengapungkan membuat supaya mengapung di permukaan air atau udara: *anak itu ~ mainannya di atas air;*

terapung tidak tenggelam;

terapung-apung terkatung-katung: *darah yg ~ di atas air;*

~ tak hanyut, terendam tak basah prb tidak ada keputusannya (mengenai sesuatu perkara); ~ sama hanyut, terendam sama basah prb kesenangan atau kesusahan bersama-sama ditanggung; asal (untung) sabut ~, asal (untung) batu tenggelam prb kalau nasib baik selamat, kalau nasib malang celaka;

apungan 1. sesuatu yg berapung atau terapung-apung: *yg ada hanya ~ ais yg sentiasa bergerak mengikut tiupan angin, arus dan pasang surut lautan;* 2. (Eko) situasi yg membolehkan penyelarasan mata wang berlaku secara bebas mengikut kadar pertukaran wang tanpa campur tangan drpd kerajaan: *kecairan syarikat akan meningkatkan kemampuan utk ~ lebih bebas;*

keapungan keadaan tidak tenggelam di air, atau keadaan terkatung-katung;

pengapungan proses (perbuatan, usaha dsb) mengapung atau mengapungkan: ~ *bangkai kapal yg tenggelam itu tentunya memerlukan perbelanjaan yg besar.*

apur Jk longkang (parit) utk membuang air kotor.

apus; *buluh* ~ sj tumbuhan (buluh), aur kuning, *Bambusa aspera.*

aqidah → **akidah.**

aqiqah → **akikah.**

Ar simbol kimia bagi argon.

ara 1. sj tumbuhan (yg termasuk jenis fikus): ~ *akar, ~ batu, ~ buluh, dll;*

2. sj tumbuhan (bukan jenis fikus); ~ *batu dandi, rumput tahi ayam, selasih, tahi anjing, tambak-tambak jantan, Ageratum conyzoides; ~ bukit pokok perut budak, lindung matahari, perah ikan, Pimeleodendron griffithianum; ~ lumut akar kami; guruh peria(t), tukul takal, Croton caudatum; ~ songsang nyarang songsang, Achyranthus aspera;*

bagai menanti ~ *hanyut* prb menanti sesuatu yg mungkin datang tetapi lambat, ataupun yg tidak datang-datang; *menanti* ~ *tidak bergetah* prb mengharapkan sesuatu yg tidak mungkin dapat; *pinjam (hutang) kayu* ~ prb jikalau meminjamkan wang kpd orang besar jangan diharap akan kembali; *tinggi kayu* ~ *dilangkahi, rendah bilang-bilang diselodoki* prb melakukan sesuatu hendaklah menurut patutnya, walaupun kadang-kadang ganjil pd perasaan.

Arab 1. bangsa yg berasal dr semenanjung besar barat daya Asia; **2.** bahasa yg dituturkan oleh bangsa ini, yg merupakan bahasa al-Quran;

mengarabkan menjadikan atau menyebabkan seseorang atau sesuatu mengikut atau bertukar kpd ciri (nilai, pengaruh dsb) Arab: *kita tidak bermaksud hendak ~ bahasa Melayu;*

kearaban (yg) memperlihatkan ciri (pengaruh dll) Arab: *syair dagang, syair Burung Pingai, dll mempunyai isi yg ~*.

arabes (arabés) **1.** corak hiasan pd catan, ukiran kayu dsb yg bermotifkan tumbuh-tumbuhan, haiwan atau manusia yg disusun dgn garisan bersegi, bergeometri atau berlengkok-lengkok, awan larat; **2.** kedudukan penari balet yg berdiri di atas sebelah kaki sementara kaki yg sebelah lagi terangkat lurus mengufuk ke belakang dan kedua-dua belah tangannya lurus menganjur ke depan.

aragonit (Kim) kalsium karbonat semula jadi.

arah 1. hala, jurusan: *ia mencari ~ datangnya suara itu*; **2.** maksud, tujuan: *bercakap tidak tentu ~*; *~ aliran* arah sesuatu pergerakan, perkembangan (sama ada makin meningkat atau menurun); *~ ke = ke ~* hala ke, menuju ke, menghadap ke;

searah sama arahnya, sehaluan, sejurusan, setujuan;

arah-arah Mn serupa, hampir sama;

berarah mempunyai arah, berhala, berhaluan, bertujuan: *~ ke selatan*;

mengarah 1. menghadap ke sesuatu arah, menghala: *pintu kota itu ~ ke sebelah barat*; **2.** membawa kita ke sesuatu arah (bkn jalan, jambatan, dsb), pergi ke sesuatu arah (bkn orang, kenderaan, dsb), menuju: *sebuah jambatan ~ ke Banting*; *berjalan ~ ke Kajang*; **3.** memberi tekanan pd sesuatu hal, berat, condong: *perbincangan mereka ~ kpd hal yg lebih berat spt masalah kemiskinan orang-orang Melayu*; **4.** mengepalai, mengetuai: *~ peperangan melawan pegganas komunis*; **5.** mengatur (mengurus atau mengelolakan serta menyelia) sesuatu persembahan seni spt drama (filem dsb): *beliau telah ~ beberapa buah filem Melayu*; **6.** menyuruh kenderaan dsb mengikut sesuatu jalan (bkn polis lalu lintas dsb):

polis sedang ~ lalu lintas di kawasan itu setelah beberapa jalan terpaksa ditutup;

mengarah-arahi **1.** menyamai, menyerupai: *rupanya ~ ayahnya;*

2. mengecamkan, menandai (melihat utk mengenal): *~ rupa orang;*

mengarahkan **1.** menggerakkan ke arah, menghadapkan, menghalakan: *perempuan itu ~ pandangannya pd anaknya;* **2.** =

mengarah-arahkan ark memaksudkan, memperamat-amati benar: *~ keuntungan saja;* **3.** memberi petunjuk, memberi perintah: *polis diarahkan bersikap sopan;*

terarah **1.** terhala, tertuju, dimaksudkan: *kata-katanya itu ~ kpd lawannya;* **2.** telah ditentukan arahnya (tujuannya): *perancangan dan perkembangan yg ~;*

arahan **1.** pimpinan, pengawasan: *filem ~ pengarah Hussain Haniff;* **2.** petunjuk, perintah: *duta itu berkata, ~ mengenai perkara ini sedang ditunggu dr Kaherah;* *~ bank (Eko) arahan pelanggan kpd bank utk membuat pembayaran bagi pihaknya kpd bank lain;* **3.** ark orang yg menjadi pembantu;

pengarahan **1.** perbuatan mengarahkan (menghalakan), penghalaan: *~ peluru berpandu;* **2.** perihal mengarah (memberi tekanan pd sesuatu, condong terhadap sesuatu, dsb): *~ kpd sesuatu sumber itu bergantung pd sifat pertembungan kebudayaan dan hubungan sosial;*

pengarah **1.** orang yg kerjanya mengarah (filem, drama, dsb); **2.** orang yg dipilih utk mengawal atau mentadbirkan perjalanan sesuatu projek (jabatan, syarikat, perbadanan, dsb): *P~ Perkhidmatan dan Perjawatan;*

~ bukan eksekutif pengarah sesebuah syarikat yg bukan ahli sepenuh masa syarikat itu, tetapi memberikan khidmatnya dlm menasihati pengarah-pengarah lain; *~ eksekutif* ahli lembaga

sesebuah syarikat yg juga merupakan staf (biasanya sepenuh masa) syarikat itu yg mempunyai tanggungjawab tertentu, mis yg berkaitan dgn kewangan dan pengeluaran; ~ *urusan* ketua pegawai eksekutif sesebuah syarikat yg bertanggungjawab kpd lembaga pengarah dan terhadap keseluruhan pengurusan dan perjalanan syarikat;

kepengarahan perihal (sifat, bakat, kebolehan dsb) yg berkaitan dgn pengarah: *sediakanlah diri dgn ilmu ~ dahulu, bukannya sekadar mengisi kalendar pengarah di sesebuah produksi.*

arai I ukuran isi padu yg bersamaan dgn dua cupak atau 2.27 liter: *maka disantap oleh bendahara, habis nasi segantang dan susu se~ dan sakar secupak itu habis.*

arai II Mn, NS mayang: ~ *pinang.*

arak I sj minuman yg mengandungi alkohol dan memabukkan, minuman keras; *kaki ~ orang yg kuat minum arak;*

pengarakan tempat membuat arak.

arak II; berarak, berarak-arakan 1. berjalan beramai-ramai dan beriring-iring: *setelah itu ~lah mereka berkeliling negeri; 2.* bergerak beriring-iring: *awan sudah mulai ~ ke Timur; 3.* datang (timbul) satu demi satu silih berganti (bkn pelbagai kenangan dsb): *bermacam-macam kenangan yg ~ dlm ingatannya;*

~ tidak berlari prb perbuatan bersama-sama yg menggirangkan hati tidak perlu diburu-burukan; elok arak di hari panas prb orang yg sukacita kalau beruntung, sebab maksud tercapai;

mengarak 1. mengiringi seseorang atau sesuatu beramai-ramai, menghantar (mengusung) beramai-ramai: *esoknya disediakan perarakan utk ~ jenazah Raden Menteri ke istana; ~ pengantin; 2.* sl bergerak terdahulu (dlm iringan), mendahului: *bintang Timur ~ siang;*

arakan, arak-arakan pawai;

perarakan 1. iring-iringan yg mengarak sesuatu, pawai: ~ *tidak dapat dibawa kerana hujan*; **2.** usungan (kereta dll) utk mengarak: *Raden Inu pun menyambut isterinya naik ke atas ~*; **3.** kumpulan orang yg berarak: ~ *itu diketuai oleh Yang Dipertua Negeri Melaka*;

~ *haram* perarakan yg diadakan tanpa kebenaran pihak yg berkuasa (spt polis dsb); ~ *raksasa* perarakan yg diadakan secara besar-besaran;

pengarak 1. orang dll yg mengarak; **2.** orang atau sesuatu yg mendahului seseorang atau sesuatu, pembuka jalan; *angin ~ hujan* angin yg mendahului hujan.

arakian → □ **arkian.**

araknid haiwan drpd kelas Arachnida yg mempunyai empat pasang kaki dan mata ringkas, spt labah-labah, kala jengking dan hama.

aral Ar halangan, gendala, rintangan: *kalau tidak ada ~, saya akan datang*; ~ *gendala* = ~ *melintang* = ~ *menggalang* halangan yg datang;

mengaralkan menyebabkan ada aral, merintang, menggendalakan: ~ *sesuatu maksud*.

aram I; mengaram menaruh dendam, mempunyai niat hendak membalas.

aram II; aram-aram, pengaram ark rangka tempat orang berdiri kalau membuat tembok dll: *pekerjaan ini dilakukan siang malam, itulah sebabnya ~ berpasang lampu*.

aram III; ~-temaram kabur, suram (bulan dll): *bulan pun ~-temaram spt belas akan orang yg bercerai*.

arang I 1. benda hitam yg rapuh, sisa kayu yg terbakar; **2.** = ~ *kayu* sj bahan api yg dibuat dgn membakar kayu (biasanya kayu bakau) tanpa udara atau dlm udara yg terhad;

~ *batu* = *batu* ~ arang keras yg digali dr dlm tanah, batu bara; ~ *batu lembut* sj arang batu yg mengandung hidrokarbon dan jirim yg menyerupai tar (terbakar dgn mengeluarkan nyalaan yg berwarna kuning dan berasap); ~ *batu muda* arang batu yg belum cukup matang dan belum boleh dilombong; ~ *besi* batu bara yg telah atau setengah terbakar; ~ *para-para* jelaga, sulang asap; ~ *periuk* jelaga pd periuk;

~ *di kening* = ~ *di muka* prb mendapat malu; ~ *habis besi binasa* prb pekerjaan yg tidak membawa hasil sedikit pun; ~ *itu jikalau dibasuh dgn air mawar sekalipun tiada akan putih* prb orang yg bertabiat jahat itu, walau bagaimanapun tidak akan hilang perangnya; *berkerat rotan, berpatah* ~ prb perselisihan yg tidak dapat diperbaiki lagi; *bintang di langit dapat dibilang tetapi tak sedar di mukanya* ~ prb orang yg suka menegur kesalahan orang, tetapi kesalahan sendiri yg lebih besar tidak disedari; *jika tiada tersapu ~ di muka, drpd hidup baiklah mati* prb lebih baik mati drpd hidup menanggung malu; *kalah jadi abu, menang jadi* ~ prb kalah atau menang sama akibatnya (akan menanggung rugi); *membasuhkan ~ yg terconteng di muka* prb menghilangkan malu; *terpijak benang ~, hitam tapak* prb perbuatan jahat, jahat akibatnya;

mengarang menjadi arang, menjadi hitam spt arang;

mengarangkan menjadikan arang;

pengarangan 1. perihal menjadi arang; **2.** tempat membuat arang.

arang II Mn mulut.

arang III; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok dan kayunya), *Diospyros spp.*

ararut sj tumbuhan (pokok), sagu belanda, ubi garut, ubi karut, *Maranta arundinacea*.

aras I 1. hingga ke, sampai ke, paras, takat; ~ *pinggang* setinggi pinggang; **2.** muka (air dll): *berapa meter padu air mesti dipamkan ke dlm kolam yg panjangnya 25 meter, lebarnya 15 meter, supaya ~ air naik satu meter; ~ air muka air; 3. tingkat: *naik lif hingga ke ~ lima;**

~ *bumi* kedudukan yg sama aras dgn permukaan bumi; ~ *dada* (Hut) ketinggian (1.3 meter) yg lazimnya digunakan sbg piawai utk mengukur lilit, garis pusat, dan luas pangkal pokok hidup; ~ *laut* aras purata permukaan laut berbanding dgn permukaan daratan; ~ *tinggi* ketinggian sesuatu tempat (kawasan) yg biasanya diukur dr aras laut, altitud;

mengaras menyentuh, mencapai, sampai ke; ~ *awan* sampai ke awan.

aras II sl raja dlm bahaya (seruan utk permainan catur).

aras III; ~ *kerdan* ark sj penganan.

Arasy Ar singgahsana Allah yg tidak dapat diketahui hakikatnya oleh akal manusia dan hanya dapat diyakini kebenarannya.

arau I berbintik-bintik, berbelang-belang;

anjing ~ anjing belang; ~ *batu* bintik-bintik putih di atas dasar gelap; ~ *hujan panas* bintik-bintik merah di atas dasar putih.

arau II; mengarau mengaduk, mengacau; → □ **karau**.

arau III sj tumbuhan (pokok) dlm famili Euphorbiaceae, lidah-lidah, kayu mapa, mentulang, odopon putih, *Austrobuxux spp.*, *Cephalomappa spp.*, *Drypetes spp.*

araz; araznya sl aral: *kalau-kalau bertemu dgn ~, jadi tiada sampai spt kehendak Duli Yang Dipertuan itu.*

arbaa Ar **1.** empat; **2.** hari Rabu (hari yg keempat dlm seminggu).

arbab Ar sj biola (memakai dua atau tiga tali), rebab.

arbei (arbéi) IB sj tumbuhan (pokok yg buahnya boleh dimakan),
Fragaria nesca.

arbitraj usaha membeli barang di suatu tempat utk dijual di tempat lain bagi mendapatkan keuntungan; *si* ~ orang yg melakukan usaha tersebut.

arbitrari **1.** tidak berasaskan pertimbangan yg tertentu atau yg teliti, tidak berasaskan pemikiran (analisis dsb), mengikut sekehendak hati, sewenang-wenang: *pemisahan antara dunia yg bersifat analitik dan dunia nyata itu juga merupakan suatu pemisahan yg ~ kerana sifat ilmu itu tidak terpisah drpd masyarakat yg mendukungnya*; **2.** (Lin) berkaitan dgn sifat bahasa yg menunjukkan tiadanya kepadanan fizikal yg semula jadi antara bentuk bahasa dgn entiti sebenar.

arbitrasi timbang tara.

arboreal (arboréal) berkaitan dgn (hidup di, atau tinggal di) pokok:
tumbuh-tumbuhan ~; monyet ~.

arboretum (arborétum) kawasan yg ditanami dgn spesies pokok tertentu utk tujuan pemuliharaan sumber genetik, pendidikan, dan penyelidikan.

arborikultur penanaman pokok, terutamanya utk menghasilkan kayu balak.

arca **1.** patung yg menyerupai seseorang atau sesuatu (terutama dibuat drpd kayu, batu, dsb): *memahat ~ seorang tokoh terkenal di dunia*; **2.** bayang yg terlihat di dlm cermin atau melalui kanta kamera, imej: *melihat ~ diri sendiri di dlm cermin*; **3.** bayang-bayang yg terlihat ketika seseorang itu berkhayal: *dia lantas bangun menghampiri almari pakaiannya, tempat ~ lelaki tadi terdiri gagah*; **4.** bentuk cahaya yg ditumpukan pd retina mata, imej: *mata*

manusia 'menyimpan' ~ sesuatu benda yg baru sahaja dipandang dlm tempoh yg pendek; 5. gambaran dlm fikiran atau pertalian fikiran yg dihasilkan di dlm karya sastera (terutama dlm puisi), imej; 6. (Komp) gambar atau lambang kecil pd paparan komputer yg digunakan sbg wakil sesuatu objek;

mengarcakan menghasilkan arca (patung): *tukang pahat itu sedang ~ wajah seorang seniwati;*

kearcaan bersifat (mempunyai ciri-ciri) arca: *bentuk puncak ini agak ~ sedikit;*

pengarcaan proses menghasilkan arca;

pengarca pembuat (pereka, pengukir) arca: *Zafaruddin Zainuddin merupakan barisan ~ Anak Alam yg paling giat berkarya.*

ardi I sl gunung.

ardi II Ar, sl bumi, tanah.

are IB ukuran luas, 100 m².

arek (arék) Jw anak: ~ *Surabaya.*

aren (arén) Jw enau, kabung.

arena (aréna) **1.** gelanggang (permainan dsb): ~ *badminton; 2.* lapangan, gelanggang: ~ *politik tanah air; memajukan lagi ~ sukan negara; 3.* gelanggang (pertempuran dsb), medan: *kawasan itu menjadi ~ pertempuran antara pasukan tentera kedua-dua negara yg bermusuhan itu.*

ares (arés) IB **1.** penangkapan; **2.** hukuman (tidak boleh keluar rumah dll);

mengares **1.** menahan, menangkap; **2.** menghukum.

arestasi (aréstasi) IB penahanan, penangkapan.

argari (Hindustan) gari, belunggu tangan.

argentum (argéntum) (Kim) sj unsur logam, perak.

argon (Kim) sj gas nadir yg digunakan dlm lampu elektrik.

argot bahasa yg khusus digunakan oleh kumpulan sosial tertentu, biasanya bersifat rahsia dan dikaitkan dgn kelas sosial rendah spt pencuri atau penyeluk saku.

argus sj binatang, tikus belanda, marmut.

ari I; *kulit* ~ kulit luar, kulit selaput.

ari II; *ular* ~ sj ular yg berbisa.

ari III Jw, sl adik, adinda.

ari-ari bahagian bawah perut yg di bawah sekali (ke atas sedikit drpd kemaluan).

aria Jw **1.** gelaran putera raja; **2.** sl kata bujukan: ~ *ningsun*.

Aries lambang pertama dlm zodiak, yg berlambangkan biri-biri jantan.

arif 1. yg mengetahui (biasanya dirujuk kpd seseorang yg memahami sesuatu dgn mendalam atau luas pengetahuannya): *saya mengangguk lagak doktor yg sudah ~ akan penyakit yg dihidapi kanak-kanak itu; ia ~ akan hal-hal tersebut; ~ bijaksana arif lagi pandai; 2.* bijaksana, berasaskan pemikiran yg mendalam: *hal inilah yg wajar diselidiki, wajar diberi penelitian secara ~; 3.* Ar orang yg mendapat makrifat drpd Allah.

mengarifi arif akan, memahami: *sbg seniman, dia sewajarnya ~ apa yg berlaku di sekitarnya;*

mengarifkan menjadikan arif;

kearifan perihal arif: *mereka meminta nasihatnya kerana ~nya.*

arifin Ar (jamak bagi arif) orang yg mendapat makrifat drpd Allah.

arih; mengarih, mengarihkan 1. menghulurkan (tangan dll) hendak memeluk dll: *ia ~ tangannya ke muka; 2.* Mn menambatkan, mengikat: ~ *kerbau.*

arik I; mengarik sl meraih, merengkuh: ~ *pengayuh.*

arik II Ar tidak boleh tidur, jaga.

arik III; mengarik mengerik.

aring I kerawang di pangkal mata keris.

aring II sj jerat atau jebak yg terdiri drpd tali pencerut, penjerut.

aring-aring sj tumbuhan (pokok), urang-aring, rumput migus (kundang putih, bin), keremak jantan (hutan), daun dakelin, *Eclipta alba*.

ariningsun Jw, sl adikku, adindaku (perempuan).

arip sangat mengantuk: ~ *sangat mata kekanda*.

aris I bahagian tepi (kelim) layar dsb yg dibuat drpd rotan (tali dll);

beraris ada aris, berhias dgn aris.

aris II ark getah pokok yg sudah beku.

aris III Kl tali pukut yg melampung.

arisan kutu (pengumpulan wang).

aristokrasi pemerintahan oleh kaum bangsawan.

aristokrat **1.** kaum bangsawan; **2.** penganut faham bahawa pimpinan pemerintahan harus dipegang oleh kaum bangsawan (orang kaya-kaya dan orang-orang yg tinggi martabatnya).

arit I Jw sabit, penyadap;

mengarit menyabit (rumput).

arit II tombak ikan; → **piarit**.

aritmetik sains tentang nombor yg melibatkan proses tambah, tolak, bahagi, dan darab, kira-kira: *mencampur, menolak, mendarab, dan membahagi angka termasuk dlm bidang ~*.

aritmia (Ubat) denyutan jantung yg tidak normal.

arjuna sl **1.** dewa-dewa Hindu yg termasyhur kerana kepahlawanan mereka; **2.** ki lelaki yg dikasihi (sama ada kekasih, suami, dsb): *aduhai, ~ kekasihku!*

arka; ~ *elektrik* cahaya yg berkilau yg terhasil di udara akibat ternyahnya cas elektrik di antara dua elektrod atau litar elektrik bertekanan tinggi yg terputus.

arkaik **1.** kuno, sudah ketinggalan zaman; **2.** sudah tidak lazim dipakai lagi (bkn kata, ungkapan, dsb): *al-Kindi menggunakan istilah yg tidak begitu dikenal atau bersifat ~.*

arkaisme cara kuno (bkn pemakaian kata, bentuk kata, dan ayat).

arkan Ar ark (jamak bagi rukun) rukun-rukun.

arked (arkéd) laluan atau lorong berbumbung atau bertutup dgn kedai-kedai kecil di kiri kanannya.

arkeografi (arkéografi) kajian tentang dokumen bertulis yg kuno.

arkeologi (arkéologi) kajian saintifik mengenai sesuatu kebudayaan (terutama kebudayaan prasejarah) dgn cara penggalian dan penghuraian kesan-kesan tinggalannya, kaji purba; *ahli* ~ orang yg pakar dlm bidang arkeologi.

arketaip (arkétaip) model asal sesuatu mesin, sistem dll yg menjadi contoh, prototaip.

arkian sl sesudah itu, maka: ~, *tersebutlah pula putera baginda Tuanku Malim Deman besarlah sudah.*

arkib **1.** kumpulan naskhah (piagam) yg disimpan; **2.** tempat menyimpan naskhah-naskhah, rekod umum dan dokumen-dokumen sejarah sesebuah negara; **3.** (Komp) tempat menyimpan atur cara dan data komputer bagi jangka masa yg lama;

mengarkib (Komp) menyalin atur cara atau data ke dlm cakera, pita, dll utk penyimpanan jangka panjang;

mengarkibkan menyimpan sesuatu bahan (rekod, dokumen, dsb) di arkib: *tradisi-tradisi itu didokumentasikan bukan utk diarkibkan;*

kearkiban segala yg berkaitan dgn fungsi (kegiatan, urusan, dsb) arkib: *anugerah itu sbg sumbangannya dlm bidang ~.*

arkitek (arkiték) **1.** jurubina; **2.** ki perancang atau pencipta sesuatu.

arkus → **argus**.

arloji IB jam kecil: ~ *saku*; ~ *tangan*.

armada **1.** angkatan laut yg terdiri drpd kapal-kapal perang; **2.** kapal-kapal dagang (dr sesuatu negara).

armadilo sj binatang kecil drpd famili Dasypodidae yg bersisik tebal, mengorek tanah dan menggulingkan badannya spt bola apabila diserang, biasanya terdapat di bahagian tengah dan selatan benua Amerika.

armistis perjanjian yg dibuat antara negara yg sedang berperang utk melaksanakan gencatan senjata dan membincangkan langkah berdamai, perjanjian gencatan senjata.

arnab sj binatang mengerip yg menyerupai kucing tetapi lebih panjang telinganya, kelinci, kucing belanda, *Oryctolagus spp.*

arnal IB sj tusuk kundai.

aroma bau (terutama bau yg menyedapkan drpd rempah, pokok, dsb);

beraroma ada aroma, berbau sedap: *masakan yg ~ itu ialah masakan India.*

aromaterapi (aromatérapi) sj rawatan yg menggunakan minyak harum yg diperoleh drpd tumbuh-tumbuhan utk melegakan rasa tegang, sakit dsb.

aromatik (Kim) bkn sebatian organik yg berkaitan dgn benzena.

arombai sj perahu di Ambon.

arpus sj damar utk menguatkan tali (spt tali penggesek biola).

ar-rahm konsep perbankan Islam yg merujuk kpd kaedah pembiayaan yg melibatkan penyerahan aset sbg cagaran sesuatu hutang.

arsenik (Kim) sj unsur bukan logam yg digunakan utk membuat racun perosak, ubat sapu, peranti elektronik, dsb.

arson (Udg) perbuatan membakar harta (rumah, bangunan dsb) dgn sengaja, sama ada bermotifkan niat jahat atau utk menuntut pampasan insurans.

arteri saluran darah yg membawa darah yg mengandung oksigen keluar dr jantung utk mengalir ke seluruh badan.

arteriol (Bio) arteri kecil.

arteriosklerosis (arteriosklerosis) (Ubat) keadaan dinding arteri yg menjadi keras, tebal, dan hilang kekenyalan.

artocok sj sayur hijau yg mempunyai daun tebal yg tersusun spt kelopak bunga, *Cynara scolymus*.

artifak barang-barang buatan manusia (terutamanya alat perkakas, senjata) yg merupakan peninggalan sesuatu zaman.

artifisial bukan asli, buatan, tiruan.

Artik daerah Kutub Utara.

artikel **1.** fasal dlm kitab undang-undang; **2.** karangan (dlm surat khabar, majalah, dll), makalah, rencana.

artikulasi **1.** cara atau proses menyebut bunyi atau kata dgn jelas; **2.** pernyataan idea atau perasaan terutamanya dgn kata-kata;

mengartikulasikan menyatakan idea atau perasaan terutamanya dgn kata-kata: *rasa kecewanya tidak diartikulasikan*.

artileri **1.** pasukan tentera yg bersenjata meriam; **2.** meriam (biasanya beroda).

artis **1.** orang yg kerjanya atau kegemarannya mencipta hasil seni (terutama lukisan); **2.** penghibur (spt penyanyi, penari, dll); ~ *rakaman* penyanyi atau pemuzik yg merakamkan persembahannya dlm sesebuah album dgn syarikat rakaman mengikut kontrak tertentu.

artisan pekerja yg mahir dlm sesuatu pekerjaan tangan, tukang: *Antonio Pobello ialah seorang ~ berbangsa Itali yg mula-mula sekali membuat kasut dgn menggunakan tangan*.

artistik **1.** sangat indah (dikerjakan dsb dgn perasaan kesenian): *ia gemar melihat benda-benda yg ~*; **2.** berasaskan (berkaitan dgn,

menunjukkan, dsb) nilai-nilai seni: *tanpa bantuan segala ini, sesebuah filem akan mengecewakan dr segi ~.*

artralgia (Ubat) rasa sakit pd sendi.

arthritis (Ubat) radang pd sendi atau tisu sendi.

artrologi kajian tentang sendi.

artropod (Bio) haiwan tanpa tulang belakang (termasuk krustasea, serangga, araknid dan lipan) drpd filum Arthropoda yg mempunyai badan bersegi, anggota bersendi, dan rangka luar.

aru gelaran bangsawan Bugis, raja, puteri; **arung I.**

aruan → **haruan.**

aru-aru; *hantu ~*; → **hantu I.**

aruda sj tumbuhan (herba), daun inggu, *Ruta graveolens.*

aruh; **mengaruh 1.** (Ubat) mencetus atau mempercepat proses bersalin (biasanya dgn memberi ubat); **2.** (Fiz) menghasilkan arus elektrik atau daya gerak elektrik secara pengaruhan;

aruhan (Fiz) sifat sesuatu litar elektrik yg beroleh daya gerak elektrik akibat perubahan arus dlm litar yg sama atau dlm litar lain yg berdekatan;

pengaruhan (Fiz) proses memindahkan sifat elektrik (magnet) dr satu litar (atau jasad) ke litar (jasad) yg lain tanpa melalui sentuhan fizikal;

pengaruh (Fiz) induktor.

aruk I; **mengaruk** melakukan tarian perang (adat orang Bugis sbg menunjukkan kesetiaan kpda raja).

aruk II; **mengaruk 1.** mengacaukan (gajah liar yg menggemparkan binatang-binatang jinak, kerbau yg mengacau lumpur, dll); **2.** melakukan sesuatu yg menimbulkan kegemparan (kekacauan, gangguan, dll), menggemparkan;

pengaruk orang yg mengaruk.

arun I; mengarun mengacau, mengaduk (nasi, pulut, dll).

arun II Mn harum.

arung I (Bugis) gelaran, raja, puteri; → □ **aru**.

arung II; arungan → □ **harung I**.

arus 1. gerakan air atau udara: ~ *deras air sungai*; **2.** = ~ *elektrik* gerakan atau aliran tenaga elektrik melalui sesuatu pengalir; ~ *terus* = ~ *searah* Id aliran elektrik yg tetap haluan dan kuasanya; ~ *ulang-alik* = ~ *bolak-balik* Id aliran elektrik yg haluan dan had kuasanya bertukar-tukar; **3.** pergerakan kenderaan (manusia dll) yg tidak putus-putus: *menantikan redanya ~ lalu lintas di jalan*; *hilang dlm ~ orang banyak yg meninggalkan stadium*; **4.** ki aliran, perkembangan: *sesuatu perlakuan tidak boleh didefinisikan secara berasingan drpd kedudukannya dlm ~ penceritaan*; ~ *sejarah*; ~ *zaman*; ~ *perubahan fesyen*; ~ *pembangunan*; **5.** = ~ *hidup (penghidupan)* perjalanan hidup, kehidupan: *dia tidak lagi menghanyutkan diri ke dlm ~ kota*;

~ *air mata* air mata yg mengalir dgn tidak putus-putus; ~ *dingin* = ~ *sejuk* arus yg membawa udara yg dingin (sejuk); ~ *lautan* arus yg bergerak di kawasan lautan; ~ *panas* arus yg membawa udara yg panas; ~ *pasang surut* arus yg disebabkan oleh gerakan pasang surut; ~ *perdana* perkembangan semasa yg sedang giat berlaku dr segi pembangunan (fizikal, mental, kebudayaan, kehidupan dsb): *tiada kawasan di negeri yg disisihkan drpd ~ perdana pembangunan*;

berarus ada arusnya: *air yg melaut itu rupanya tenang tetapi pd setengah-setengah tempat ~*.

arwah Ar (jamak bagi roh) **1.** roh atau jiwa orang yg telah meninggal dunia: *kenduri utk ~ saudara-maranya*; **2.** semangat: *hilang ~ku melihat nahas kereta itu*; **3.** (kata yg digunakan apabila menyebut

seseorang yg telah meninggal) Allahyarham, Almarhum: ~
ayahnya; ~ *Pak Mat*;

mengarwahkan membaca doa (mengadakan kenduri) utk
memperingati seseorang yg telah meninggal dunia.

as I IB gandar, pasak, sumbu: *kereta itu patah ~nya*;

beras mempunyai as: *kaleng itu diberi ~ dan bertali supaya dapat
ditarik*.

as II IB daun pakau yg tertinggi nilainya.

As simbol kimia bagi arsenik.

as kep alaihissalam.

A.S. kep Amerika Syarikat.

asa I harap(an); *putus (berputus)* ~ tidak menaruh harapan lagi (akan
berjaya, memperoleh sesuatu, dsb), putus harapan;

asa-asaan harap-harapan, selalu berharap (mengharapkan);

mengasakan mengharapakan.

asa II → □ **esa**.

asa III Mn **1.** sangka; **2.** sengaja;

mengasa 1. menyangka; **2.** menyengaja.

asabah Ar waris yg berhak mendapat pusaka tanpa ditetapkan
bahagiannya, tetapi berhak menerima semua harta atau baki yg ada
setelah setiap waris menerima bahagian masing-masing, atau ia
mungkin langsung tidak mendapat apa-apa sekiranya waris yg lain
telah menghabiskan semua pusaka berkenaan.

asabat Ar urat yg menyebabkan kita dapat merasa (melihat dll), saraf;
perang ~ perang saraf (perang saling menggertak, saling
menakuti); *sakit* ~ sakit saraf.

asad Ar, sl singa, (sering kali juga) harimau; ~ *pahlawan* pahlawan yg
berhati singa.

asah I gosok (utk menajamkan, meratakan, melicinkan, dll): ~ *bulat*, ~ *lentik*, ~ *papan*, ~ *repan*, ~ *runcing*, ~ *sayap kumbang* (cara-cara mengasah gigi); *calak-calak ganti* ~ prb barang apa yg dipakai utk sementara sebelum ada yg lebih baik;

berasah sudah diasah, sudah digosok (dicanai dsb);

mengasah **1.** menajamkan, mengilir: ~ *pisau*; **2.** mencanai, menyerodi: ~ *batu cincin*; **3.** menggosok (utk meratakan, melicinkan, dll): ~ *gigi*; **4.** memupuk dan meningkatkan (membina, mengembangkan, dsb): *keputusan yg baik dapat digunakan utk ~ kecenderungan seseorang murid terhadap sesuatu jenis pekerjaan*; ~ *bakat* memupuk dan mengembangkan bakat; ~ *budi* = ~ *otak* = ~ *fikiran* mempertajam fikiran (menjadikan lebih cekap berfikir dsb); ~ *hati* memanaskan hati; *belakang parang sekalipun jika diasah tajam juga* prb berapa bodoh pun orang kalau selalu diajar akan pandai juga;

asahan **1.** yg telah diasah; **2.** yg digunakan utk mengasah: *batu ~*;

pengasahan perihal (perbuatan dll) mengasah;

pengasah **1.** alat utk mengasah; **2.** orang yg mengasah.

asah II ark sah.

asah III Ar → **asahhu**.

asahan → **sahan**.

asahhu Ar lebih benar (bkn suatu pendapat ulama yg lebih kuat drpd pendapat lain): *menurut kaul yg ~, haram suami menafikan anaknya itu*.

asai **1.** sj binatang kecil yg memakan kayu, bubuk: *rumah papan yg telah dimakan ~*; **2.** lapuk (dimakan bubuk).

asak padat, sesak; *se~ nasi* penuh mulut dgn nasi;

berasak **1.** = **berasak-asak** = **berasak-asakan** berhimpit-himpit dan bertolak-tolakan, berdesak(-desak), berjejal(-jejal): *orang ~*

menaiki bus; mereka ~ hendak membeli tiket; 2. berpindah, berengsot, bergeser: pagi tadi ia tidak ~ dr tempatnya;

mengasak 1. mengisi dan menekan-nekan supaya padat, menjejal: *pd masa dahulu, meriam diasak dgn sabut sebelum dicucuh; 2. mendesak, menolak (dan menghimpit): di belakang mereka orang ramai ~ ke hadapan; 3. menganjak, memindahkan; 4. ki menimpakan (mengenakan) tekanan ke atas, mendesak, menekan: pertanyaan demi pertanyaan ~ benak Matakob;*

diasak layu, dicabut mati prb sesuatu yg tetap dan tidak dapat diubah lagi; sbg ayam diasak malam prb tidak berdaya lagi;

mengasakkan 1. memasukkan dan menekan-nekan supaya padat, menjejalkan: *~ kekabu ke dlm bantal; 2. mendesakkan: dia ~ dirinya di antara orang ramai yg berkumpul itu;*

asakan perihal mengasak, keadaan berasak-asakan, desakan: *dlm ~ orang ramai yg tidak ketentuan arah itu, percubaannya sia-sia sahaja.*

asal 1. mula(nya), yg mula-mula (pertama) sekali: *adapun ~ nama Lenggui itu Glong Gui, ertinya perbendaharaan permata; bentuk ~ bangunan itu dikekalkan; rancangan ~; 2. tempat semula, keadaan semula, pangkal permulaan: dr mana ~nya budak ini? 3. = ~ saja (sahaja) = asalkan = ~-asalkan a) dgn syarat, apabila: kau boleh pulang ~ pekerjaanmu sudah selesai; buatlah apa yg patut, ~ tidak menyakitkan hati orang lain; b) sebaik saja, setiap ... saja: ~ dapat gaji terus berjoli;*

~ ada kecil pun jadi (pada) prb kalau tidak ada banyak, sedikit pun cukup (memadai); ~ ayam pulang ke lumbung, ~ itik pulang ke pelimban prb tabiat orang tidak akan berubah; ~ berisi tembolak senang hati prb apabila cukup makan atau pakai, senanglah hati; ~ ditugal adalah benih prb janganlah disusahkan tidak ada

pertolongan asal dimulai dahulu pekerjaan; *usul menunjukkan* ~ prb kelakuan (budi bahasa) orang menunjukkan asalnya (keturunannya); *usul-usul, asal-asal, ~ jangan ditinggalkan* prb dlm segala hal, haruslah ditilik puncanya;

berasal **1.** bertempat asal (di), mula-mulanya dulu berada (di): *orang itu ~ dr Kedah*; **2.** keturunan (dr): *raja itu ~ dr raja Melaka*; **3.** berbangsa, keturunan baik-baik: *orang yg ~*;

mengasalkan = ~ *kpd* memulangkan *kpd*, mengembalikan *kpd* (asal, keadaan semula);

diasalkan = ~ *oleh* disebabkan (oleh);

asalan (Mat) titik rujukan asal bagi titik-titik lain pd garis satah atau dlm ruang.

asali Ar **1.** yg asal, yg semula; **2.** berasal, berbangsa; → **asli**.

asal usul **1.** salasilah, asal keturunan (seseorang); **2.** peringkat awal atau permulaan: *ahli sains yg cuba mengkaji ~ manusia*; **3.** sebab yg mula-mula, punca: ~ *pertikaian yg berlarutan*;

mengasalusulkan menghuraikan asal usul: *kisah yg ~ raja-raja Kedah yg tersebut dlm Hikayat Merong Mahawangsa*.

asam I **1.** segala sesuatu yg masam rasanya: *dia suka benar makan ~*; **2.** berasa spt rasa cuka, masam (spt rasa mangga muda): ~ *benar buah ini*;

~ *arang* Id asid karbonik; ~ *belerang* Id asid sulfur; ~ *garam*

a) berbagai-bagai jenis asam berserta garam: *segala persediaan diminta oleh bidan, ~ garam, buah keras, dll*; b) ki berbagai-bagai pengalaman hidup (pahit manis, suka duka); ~ *ko* Kd sj buah masam yg dikeringkan, asam masin; *tahu ~ garam tahu selok-belok* sesuatu;

~ *di darat, ikan di laut* (= *garam di laut, ~ di gunung*) bertemu dlm *belanga* = *laksana garam dgn ~ prb* kalau sudah jodoh akan

bertemu juga betapa pun jauhnya (jodoh itu tidak dapat ditentukan); *sudah se~ dan segaramnya* prb sudah tidak ada celanya (pekerjaan, perbuatan); *sudah banyak makan ~ garam* prb sudah banyak pengalaman;

mengasam membersihkan (sesuatu) dgn asam: ~ *keris*;

mengasami membubuh asam pd;

mengasamkan merendam (bahan makanan tertentu) dlm cuka atau asam supaya masam, menjeruk;

asaman, asam-asaman buah-buahan yg diasamkan (dijeruk).

asam II sj tumbuhan (pokok); ~ *belanda* sj tumbuhan (herba dan buahnya), *Hibiscus sabdariffa*; ~ *jawa* sj tumbuhan (pokok dan buahnya yg digunakan dlm masakan), *Tamarindus indica*; *akar ~ kumbang* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar sulur kerang, akar kucing suci, *Embelia ribes*.

asang Br, Sr insang.

asap 1. gas yg kelihatan keluar dr benda yg dibakar (berkepul-kepul dsb naik ke udara); **2.** = ~ *air* wap;

~ *api* asap yg keluar dr api; ~ *air mata* = ~ *tangis* gas pemedih mata; ~ *belerang* asap dr belerang (gunung berapi); ~ *kemenyan* asap yg keluar apabila kemenyan dibakar;

belum dipanjat ~ *kemenyan* prb belum berkahwin; *menggantang* ~ (*mengukir langit*) prb a) melakukan perbuatan yg sia-sia; b) berangan-angan (akan sesuatu yg tidak mungkin dicapai);

berasap 1. mengeluarkan asap, ada asap; **2.** diselubungi oleh kabus;

dapur tidak ~ prb miskin sekali; *telah ~ hidungnya* prb telah beroleh keuntungan sesudah lama menderita kekurangan;

mengasap 1. menjadi asap; **2.** = **mengasapi**;

mengasapi 1. mengenakan asap pd sesuatu (supaya masak, harum, kering, hilang nyamuk, dll); **2.** memasak (mengeringkan, mengharumkan, dsb) dgn asap: *perempuan itu mengangkat tempat bara utk ~ rumahnya;*

~ *daging* mengeringkan daging dgn asap; ~ *pakaian* mengharumkan pakaian dgn mengenakan asap dupa;

pengasapan perihal (perbuatan) mengasapi;

perasap, perasapan tempat membakar kemenyan dll, pedupaan: *ia menyuruh aku memasang ~ dan memasukkan sedikit setinggi.*

asar Ar **1.** = *waktu* ~ waktu bayang-bayang kayu dsb sama panjang dgn kayu dsb yg menjadi pengukurnya hingga terbenam matahari; **2.** = *sembahyang* ~ sembahyang fardu pd waktu asar;

~ *rendah* petang hari semasa matahari sudah rendah (lebih kurang pukul lima petang); ~ *tinggi* petang hari masa matahari masih tinggi (lebih kurang pukul tiga petang).

asas 1. alas, dasar, tapak (tempat berdirinya sesuatu bangunan): ~ *rumah sudah siap*; **2.** sesuatu yg menjadi sandaran atau pendukung kpd sesuatu yg lain, sandaran bagi sesuatu perbuatan (tindakan, kesimpulan, tuduhan, dll), dasar: *pemerintahan negara dgn sistem demokrasi sbg ~nya; tuduhan yg tidak mempunyai ~;*

berasas mempunyai asas, ada asasnya (dasarnya): *tuduhan melulu yg tidak ~; ~ kpd = berasaskan;*

berasaskan menggunakan (bersandarkan) sesuatu sbg asas, berdasarkan: *sistem ekonomi yg ~ kapitalisme; tuduhan yg ~ bukti yg nyata;*

mengasaskan 1. menyandarkan (meletakkan) pd sesuatu sbg asas, mendasarkan: *segala usaha diasaskannya pd kepentingan negara;*

2. membangunkan (pd peringkat permulaannya), memulakan penubuhan, mendirikan: *beliaulah yg ~ GPMS pd tahun 1954;*

terasanya telah diasaskan: *dr situlah ~ dinasti ke-26;*

pengasasan perbuatan (proses dsb) meletakkan sesuatu pd sesuatu asas: *~ prinsip kebebasan ini amat penting;*

pengasas orang yg mengasaskan (memulakan perubahan) sesuatu: *pertubuhan itu tidak mencapai tujuan yg dikehendaki oleh ~nya.*

ASAS; ~ 50 akronim bagi Angkatan Sasterawan 1950.

asasi menjadi dasar, yg menjadi pokok: *undang-undang ini tidak mengganggu hak-hak ~ rakyat lain.*

asasinat; pengasasinatan (Udg) pembunuhan dgn tujuan merebut kuasa, biasanya kuasa politik.

ASB kep Amanah Saham Bumiputera.

asbab Ar (jamak bagi sebab) sebab-sebab.

asbak IB tempat abu rokok.

asbestos (asbéstos) bahan yg dijadikan kepingan-kepingan yg dapat menyekat haba atau kepanasan dan biasanya digunakan utk bumbung atau siling rumah.

asbut campuran asap dgn kabut;

berasbut dikelubungi atau dilitupi asbut.

ASCII akronim bagi *American Standard Code for Information Interchange* atau (Kod Piawai Amerika bagi Saling Tukar Maklumat).

ase (asé); *daging* ~ Id daging cencang dgn rempah-rempah.

ASEAN (aséan) akronim bagi *Association of Southeast Asian Nations* (sebuah gabungan yg dianggotai oleh negara-negara Malaysia, Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Thailand, Laos, Kemboja, Myanmar, Vietnam dan Singapura utk menjalin hubungan dan kerjasama yg lebih erat, terutamanya dlm bidang ekonomi, kebudayaan, dan sosial).

aseksual (aséksual) (Bio) **1.** tidak melibatkan aktiviti atau hubungan seks; **2.** tidak mempunyai alat jantina atau organ seks yg jelas; **3.** tidak melibatkan percantuman sel pembiakan jantan dgn sel pembiakan betina: *pebiakan* ~.

asep (asép) IB bp keterangan yg menyatakan hendak membayar.

asepsis (asépsis) (Ubat) keadaan yg bebas drpd organisma patogen.

aseran Jk pamarah, lekas marah, kasar (bahasa).

asese (asésé) IB setuju, muafakat.

aset (asét) **1.** wang tunai dan harta benda (spt tanah, bangunan, dll) yg dimiliki seseorang (sesebuah syarikat, pertubuhan, dll); **2.** ciri, sifat istimewa, dll yg bernilai atau berguna (pd seseorang dll);
~ *benar* (Eko) aset berbentuk fizikal, spt bangunan dan jentera, yg tidak mudah ditukarkan kpd wang tunai; ~ *berisiko* (Eko) aset bank yg nilainya tertakluk kpd perubahan harga pasaran atau perubahan kualiti kredit pelanggan, mis saham syarikat; ~ *bersih* (Eko) lebihan jumlah nilai aset drpd jumlah liabiliti atau tanggungan; ~ *bukan kewangan* (Eko) aset yg tidak merupakan tuntutan utk menerima sejumlah tetap wang tunai spt mesin, bangunan, tanah, dll; ~ *cair* (Eko) wang atau aset lain yg boleh ditukarkan dgn segera kpd tunai; ~ *cepat* (Eko) aset semasa yg boleh ditukarkan kpd wang tunai dlm tempoh yg singkat (biasanya satu bulan); ~ *fizikal* = ~ *ketara* (Eko) aset spt tanah, bangunan, kereta, mesin, dll yg benar-benar wujud (boleh disentuh atau dilihat); ~ *kewangan* (Eko) aset yg merupakan tuntutan utk menerima sejumlah tetap wang tunai; ~ *modal* (Eko) aset ketara dan tak ketara yg digunakan utk menjalankan aktiviti sesuatu organisasi; ~ *pasif* (Eko) aset yg tidak menjanakan pendapatan; ~ *semasa* (Eko) wang atau aset lain yg mudah ditunaikan atau dijual; ~ *tak ketara* (Eko) aset yg tidak wujud secara fizikal (spt paten, hak cipta, dll) tetapi memberi hak

kpd pemiliknya utk menerima bayaran atau faedah lain; ~ *terakru* (Eko) aset drpd hasil yg telah diperoleh, tetapi bayarannya belum diterima; ~ *tetap* (Eko) aset yg digunakan berterusan dlm aktiviti sesebuah organisasi; ~ *tunai* (Eko) aset dlm bentuk tunai, termasuk wang di tangan, simpanan di bank dsb yg boleh digunakan utk bayaran serta-merta.

asetaldehid (asétaldehid) (Kim) sj cecair yg tidak berwarna, meruap, dan digunakan sbg pelarut dan agen penurunan.

asetat (asétat) (Kim) garam atau ester drpd asid asetik.

asetilena (asétiléna) (Kim) gas hidrokarbon tidak tepu yg tidak berwarna yg digunakan sbg bahan api (mis pd api oksiasetilena).

asetisisme (asétisisme) cara hidup yg langsung tidak mementingkan kenikmatan, keselesaan atau kemewahan hidup duniawi.

aseton (aséton) (Kim) sj sebatian organik yg digunakan sbg pelarut.

asfal Ar ark yg lebih rendah, hina.

asfalt (asfat) sj bahan yg hitam dan lekit spt tar yg digunakan utk melapisi jalan (sbg bahan penampal bocor dll);

berasfalt mempunyai lapis (dilapisi) asfalt: *jalan itu belum ~*;

mengasfalt membubuh asfalt pd (jalan).

asfar Ar **1.** putih kuning; **2.** kuning (warna kuda).

asfiksia (Ubat) keadaan sukar bernafas kerana kekurangan oksigen di dlm darah, sehingga ada kalanya boleh menyebabkan kematian.

ashab Ar (jamak bagi sahib) kawan, sekutu.

asi I Ar menderhaka, melawan (tidak mengikut).

asi II benar, sah; *tidak masuk* ~ tidak masuk hitungan.

asi III sl perhatian; *mengambil* ~ mengendahkan, mempedulikan;

mengasi mengendahkan, mempedulikan; *tidak* ~ tidak mengendahkan; **aci I.**

asi IV Jk; **asian** bernasib baik, dapat beroleh untung (kerana nasib baik), mujur; → **rasi**.

asid (Kim) bahan yg mempunyai nilai pH kurang drpd 7, bersifat mengakis dan boleh menukarkan kertas litmus kpd warna merah; ~ *amino* sj asid organik yg merupakan unit asas protein; ~ *asetik* = ~ *etanoik* sj asid organik lemah, terdapat dlm cuka; ~ *askorbik* sj asid yg terdapat semula jadi dlm buah-buahan sitrus (spt limau, oren, lemon, dll), dan sayur-sayuran, vitamin C; ~ *barbiturik* asid organik yg dapat menghasilkan pelbagai ubat pelali dan ubat perangsang tidur; ~ *benzoik* bahan berhablur berwarna putih yg digunakan sbg pengawet makanan; ~ *borik* asid lemah yg digunakan sbg antiseptik dan dlm pembuatan kaca perintang haba, enamel, porselin dan gentian kaca; ~ *formik* asid tanpa warna yg dahulunya diperoleh drpd sesetengah serangga (tetapi kini dapat dihasilkan secara sintetik), digunakan dlm pencelupan tekstil, penghasilan insektisid dsb; ~ *hidroklorik* sj asid kuat yg sangat mengakis; ~ *karboksilik* kumpulan asid organik (spt asid asetik) yg terdapat semula jadi di dlm haiwan dan tumbuhan; ~ *klorik* asid tanpa warna yg mempunyai ciri pengoksidaan yg kuat; ~ *kuat* asid yg tercerai sepenuhnya menjadi ion di dlm larutan; ~ *laktik* asid yg terdapat dlm susu masam, digunakan sbg bahan perisa dan pengawet makanan; ~ *lemah* asid yg tidak tercerai sepenuhnya menjadi ion di dlm larutan; ~ *lemak* asid karboksilik yg wujud semula jadi di dlm lemak atau minyak haiwan dan sayuran; ~ *linoleik* asid lemak yg digunakan utk membuat marjerin, sabun, makanan ternakan dsb; ~ *maleik* asid berhablur yg tidak berwarna, yg digunakan utk membuat resin sintetik dan sbg pengawet minyak dan lemak; ~ *mineral* asid tak organik yg diperoleh drpd bahan mineral melalui proses kimia; ~ *nitrik* sj asid kuat yg sangat

mengakis dan sangat reaktif; ~ *nukleik* sj asid yg terdapat dlm semua sel hidup; ~ *organik* kumpulan sebatian organik yg dapat menderma proton kpd bes; ~ *sitrik* sj asid yg banyak terdapat dlm buah-buahan sitrus; ~ *sulfurik* sj asid kuat yg sangat mengakis dan sangat reaktif; ~ *sulfurus* asid lemah yg tidak stabil, yg terbentuk apabila sulfur dioksida larut di dlm air, dan digunakan sbg bahan pengawet dan peluntur; ~ *tartarik* asid yg terdapat dlm banyak tumbuhan dan jus buah, biasanya digunakan utk membuat serbuk penaik dsb; ~ *urik* sj asid organik yg terdapat dlm air kencing;

berasid mengandungi asid;

mengasid menjadi asid;

mengasidkan menjadikan asid;

keasidan banyaknya asid dlm sesuatu larutan;

pengasidan proses mengasidkan.

asidimeter (asidiméter) alat utk mengukur banyaknya kandungan asid dlm sesuatu larutan.

asidimetri (asidimétri) teknik mengukur kuantiti asid yg terdapat dlm sesuatu larutan.

asiduria (Ubat) keadaan adanya asid dlm air kencing.

asik 1. Kl panjang di sebelah bawah (teraju layang-layang); **2.** bergerak-gerak (layang-layang), tidak tetap.

asimetri (asimétri) keadaan bentuk yg tidak simetri.

asimilasi 1. proses menukarkan makanan berzat menjadi tisu hidup; **2.** Id paduan bunyi (konsonan) spt *ahlul-nujum* menjadi *ahlun-nujum*; **3.** pemaduan bermacam-macam jenis atau berbagai-bagai unsur menjadi satu (spt pemaduan unsur-unsur drpd kebudayaan yg berlainan menjadi satu kebudayaan);

berasimilasi berpadu menjadi satu;

mengasimilasikan 1. menukarkan makanan berzat menjadi tisu hidup: *jasad kita melalui kuasa ghaib yg maha penting, sentiasa ~ bahan-bahan mentah dan mati yg diterimanya*; **2.** menjadikan berasimilasi (berpadu, menyerap, dll), menerapkan ke dlm suatu kesatuan (paduan dsb) yg lebih besar;

terasimilasi telah diasimilasikan atau berasimilasi: *glukos ~*;

pengasimilasian proses mengasimilasikan sesuatu: *bagaimanapun, ~ maklumat itu bukanlah satu tugas yg sukar.*

asimptomatik tidak menunjukkan sebarang gejala bagi sesuatu penyakit (bkn pesakit).

Asmaul Husna Ar sembilan puluh sembilan nama Allah yg teragung, termulia, dan terindah.

asin I masin, (be)rasa garam; *merasai ~ garam* sudah banyak pengalaman;

mengasini membubuh garam (supaya masin) pd;

mengasinkan menjadikan asin;

asinan buah-buahan atau sayur-sayuran yg diasinkan;

keasinan perihal asin, rasa asin, kemasinan: *~ air laut.*

asin II Mn menang (dlm permainan galah panjang).

asin-asin sj tumbuhan (pokok renek), cekur (manis), *Sauropus albicans.*

asindeton (asindéton) (Lin) deretan kata (frasa, klausa, ayat) yg tidak menggunakan kata hubung, mis *saya datang, saya melihat, saya menang.*

asing 1. berlainan, terpisah, tersendiri; *berasa diri ~ (di sesuatu tempat)* berasa diri terpisah atau bukan sebahagian drpd tempat yg berkenaan; **2.** berasal (datang) dr daerah atau negeri lain, bukan tempatan, bukan anak negeri: *banyak bangsa ~ di negeri ini; tanaman modal ~*; **3.** bukan dr dunia ini: *makhluk ~*; **4.** tidak spt yg

biasa terdapat (dilakukan, diamalkan, dll): *amalan-amalan yg ~ bagi masyarakat Melayu;*

asing-asing terpisah-pisah, tersendiri-sendiri: *barang-barang itu dinilai ~;*

berasing 1. menyisih, memisahkan diri (dr): *anak ini ~ dr kawan-kawannya;* **2.** berubah, menjadi lain: *kasihnya sudah ~;*

berasingan, berasing-asingan tidak bersatu (bercantum dsb), berlain-lainan, terpisah, berpisah-pisahan: *kertas soalan itu terbahagi kpd dua bahagian yg ~; pemerintahan kedua-dua kawasan itu sekarang ~, tetapi masih ada perhubungan yg rapat antara kedua-duanya;*

mengasing berasing;

mengasingkan 1. = **memperasingkan** memisahkan (dr yg lain), menyisihkan: *Afrika Selatan bertujuan menyebelahkan atau ~ orang berkulit putih drpd orang yg berwarna; ~ diri menyisihkan (memencilkan) diri;* **2.** menempatkan (membuang) ke tempat yg terpisah atau terpencil: *dia pernah diasingkan ke Boven Digul;*

terasing terpisah, tersisih, terpencil;

keterasingan 1. perihal terasing, keadaan atau kedudukan terasing (tersisih), terasingnya: *satu lagi faktor yg perlu dititikberatkan ialah ~ generasi muda Melayu kerana berbagai-bagai masalah sama ada benar-benar wujud atau sengaja diada-adakan;* **2.** keanehan, keganjilan, keluarbiasaan: *~ perasaan itu ada hubungan dgn darahnya sendiri;*

keasingan sifat dll yg berlainan drpd yg lain, kesendirian, kelainan: *tiap-tiap ciptaan sajak mempunyai ~ yg istimewa;*

pengasingan 1. perihal (perbuatan dsb) mengasingkan atau memisahkan, pemisahan; **2.** perihal mengasingkan (menyisihkan, memencilkan) diri: *China mengubah sikap ~nya dan mulai*

membenarkan orang asing masuk; al-Farabi mengamalkan cara hidup zuhud dan cenderung pd ~ diri; 3. tempat dibuang, tempat diasingkan, (tempat) pembuangan: dr tempat ~ itu ia lari ke daerah musuh.

asisten (asistén) bp pembantu, penolong.

askar 1. tentera, serdadu, perajurit: *seorang ~ payung terjun telah mati kerana kecederaan; 2. pasukan tentera: beberapa batalion ~ kerajaan telah dikejarkan ke medan perang.*

askomiset (askomisét) (Bio)kumpulan kulat dlm kelas Ascomycetes, termasuk kulapuk, kulat, dan kulat pereput kayu.

asli 1. bkn orang yg asal keturunannya, lahir, dan tinggal di sesebuah negeri; *orang ~ penduduk asal sesebuah negeri (bukan orang asing atau orang mendatang); 2. bkn sesuatu yg berasal dr sesebuah negeri atau daerah itu sendiri (bukan ciptaan dsb asing): lagu ~; baju ~; 3. bkn bawaan sejak lahir: sifat-sifat ~; 4. tulen (bukan buatan terkemudian atau tiruan ataupun bercampur bahan lain): getah ~; gas ~; 5. bkn yg asal (bukan saduran atau terjemahan): karangan ~; naskhah yg ~; 6. Id bkn yg asal (bukan salinan): ijazah ~ ijazah asal (bukan salinan); 7. berasal, keturunan orang baik-baik; *anak-anak ~ bukan sebarang orang;**

keaslian perihal (sifat dll) asli, ketulenan, kejatian: *~ naskhah ini tidak perlu disangsikan.*

asma penyakit sesak nafas, penyakit bengkak, lelah.

asmara cinta, kasih, cinta berahi; *bermain ~ bercinta-cintaan, bercumbu-cumbuan;*

berasmara 1. bercinta-cintaan, berkasih-kasih: *mereka sedang mabuk ~; 2. bercumbu-cumbuan;*

keasmaraan 1. jatuh cinta, dlm percintaan, kasmaran; **2.** asmara, cinta berahi: *angkatan muda yg masih hijau dan gila ~ sahaja.*

asmaradana; berasmaradana bercumbu-cumbuan.

asmaradanta sl putih (bkn gading, gigi): *giginya ~ dan bibirnya merah tua, terlalu manis spt laut madu.*

asmaraloka (Sanskrit) sl alam percintaan, dunia cinta kasih.

ASN kep Amanah Saham Nasional.

asnad Ar (jamak bagi sanad) rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yg digunakannya utk sampai kpd matan.

asnaf Ar golongan yg berhak menerima zakat: *sumber zakat disumbangkan kpd individu Islam yg termasuk dlm ~ yg lapan; selain mengagihkannya mengikut ~ tertentu, ia juga disalurkan utk kemudahan institusi pelajaran.*

aso Jw; **mengaso** melepaskan lelah, beristirahat: *marilah kita ~ sebentar; pengasooan* peristirahatan.

asok Kd pasangan menari (makyung dll).

asonansi (Lin) pengulangan bunyi vokal dlm deretan kata spt *secupak* dan *sesukat*, atau *pokok* dan *tokoh*.

asor Jw rendah, hina, alah.

asosiasi perkaitan (antara satu dgn yg lain), perhubungan, pertalian: *koleksi pelukis yg menggunakan bahan akrilik menampakkan ~ pelihatan Ghafar terhadap alam dgn teliti; begitu juga jikalau disebut imej 'air', ~ fikirannya akan cepat mengenangkan 'air zamzam';*

mengasosiasikan mengaitkan, menghubungkan, mengadakan (menunjukkan) pertalian: *warna hanya boleh diasosiasikan dgn objek yg lain.*

asparagus sj tumbuhan yg pucuknya dibuat sayur, *Asparagus officinalis*.

aspek (aspék) segi, sudut, bahagian (utk diberikan perhatian dsb): *mereka kurang sekali memerhatikan ~ sosial dlm kesusasteraan; masalah tersebut perlu ditinjau pd segala ~nya.*

aspero sj ubat berupa pil utk sakit demam (sakit kepala dll).

aspiran IB bp calon (yg mencita-citakan sesuatu).

aspirasi keinginan yg kuat (utk mencapai, mengadakan, dll sesuatu),
cita-cita: *spt yg ditegaskan oleh Esman, ~ berbagai-bagai kaum
kini sudah berubah;*

mengaspirasikan mempunyai keinginan yg kuat terhadap sesuatu,
mencita-citakan: *terdapat jurang pemisah antara pemimpin yg
berorientasikan Barat dgn umat yg rata-rata ~ cara hidup Islam di
kebanyakan negara Islam.*

aspirin sj ubat utk demam (sakit kepala dll).

asrama **1.** bangunan tempat tinggal kumpulan tertentu (spt murid
sekolah, mahasiswa, jururawat, dll), hostel; ~ *putera (puteri)*
asrama yg khusus utk pelajar-pelajar lelaki (perempuan); **2.** rumah
tempat tinggal pertapa, biara; **3.** Id berek (polis, tentera, dll);

berasrama mempunyai asrama: *sekolah ~ penuh;*

mengasramakan menempatkan dlm asrama.

asrar Ar (jamak bagi sir) rahsia.

assalamualaikum Ar selamat sejahtera kpd kamu semua (lelaki dan
perempuan).

asta (Sanskrit) lapan (dlm kata majmuk).

astaga Id, bp astaghfirullah.

astaghfirullah Ar Ya Allah, ampunilah aku (disebutkan juga sbg
menyatakan kehairanan, terkejut, dsb).

astagina Jw ark (pelajaran) pertukangan tangan.

astaka pentas khas yg dibina utk sesuatu tujuan, terutamanya utk acara
tilawah al-Quran; *balai* ~ sl sj balai dlm istana (tidak berdinding
dan digunakan utk upacara dsb): *raja pun berangkat naik ke atas
gajah dan diarak terus ke ~.*

astakona sl **1.** segi lapan, sudut lapan; **2.** segi banyak;

berastakona berbentuk segi lapan atau segi banyak.

astana → **istana**.

astatin (Kim) sj unsur bukan logam yg radioaktif dlm siri halogen yg wujud secara semula jadi.

asterisk simbol berbentuk bintang (*) yg digunakan dlm tulisan atau cetakan sbg tanda rujukan silang kpd sesuatu catatan.

asteroid (astéroid) satu drpd ribuan jasad kecil cakerawala yg mengelilingi matahari, terutamanya di antara orbit Marikh dan Musytari.

astigmatisme (Ubat) kekaburan pelihatan akibat ketakseragaman lengkungan pd kanta mata atau kornea.

astrafobia perasaan takut yg keterlaluan pd kilat dan guruh.

astringen (astringén) sj bahan yg boleh mengecutkan kulit (tisu tubuh dsb).

astro- *awalan asing* **1.** berkaitan dgn angkasa lepas, mis *astronautik*; **2.** berkaitan dgn jasad cakerawala atau bintang, mis *astrofizik*.

astrobiologi cabang biologi yg berkaitan dgn kajian tentang kemungkinan wujudnya kehidupan di planet lain.

astrobotani cabang botani yg mengkaji kemungkinan tumbuhnya tumbuh-tumbuhan di planet lain.

astrofizik kajian tentang struktur kimia dan fizikal pd objek (bintang, planet, dll) yg terdapat di angkasa.

astrokimia kajian kimia tentang jasad samawi dan rantau ruang angkasa sekitarnya.

astrolab alat yg digunakan oleh ahli astronomi zaman pertengahan utk mengukur altitud bintang, matahari dsb dan sbg alat bantu pandu arah dlm pelayaran.

astrologi ilmu nujum (ilmu peramalan sesuatu berdasarkan kajian bintang-bintang).

astronaut angkasawan.

astronautik kajian tentang prinsip asas fizik yg berkaitan dgn penerbangan ke angkasa lepas.

astronomi ilmu falak (pengetahuan tentang bintang-bintang yg melibatkan kajian tentang kedudukan, pergerakan dan perkiraan serta tafsiran yg berkaitan dgn bintang).

asu anjing; *gigi* ~ gigi taring.

asuh; mengasuh **1.** memelihara dan memberi tunjuk ajar, menjaga dan mendidik (anak kecil): *semenjak kecil ia diasuh ibu supaya lebih berhati-hati kalau berada di negeri orang*; **2.** mengelola dan melatih, memimpin, membimbing: *Papua Timur masih diasuh oleh Australia*;

asuhan **1.** peliharaan dan didikan, jagaan: *semasa kecil dia dlm ~ neneknya*; **2.** awasan dan tunjuk ajar, bimbingan;

pengasuhan perbuatan atau hal mengasuh;

pengasuh orang yg (kerjanya) mengasuh: *dicarilah ~ utk anak raja itu*; ~ *bunga* daun-daun kecil yg tidak sempurna yg terdapat pd tangkai (sebelah bawah) bunga.

asuh-asuh sj ikan, dalu-dalu, gertak lantai, landuk, *Lethrinus nebulosus*.

asung Mn; **mengasung** menghasut (supaya marah, berdendam, dsb);

asungan hasutan;

pengasung penghasut.

asuransi IB insurans;

mengasuransikan mempertanggungkan (rumah, jiwa, dll) kpd perusahaan insurans, menginsuranskan.

aswad Ar hitam; *hajarulaswad* batu hitam di Kaabah.

asyhadu Ar saya mengakui (percaya, yakin); ~ *an lailahailallah* saya mengakui tiada Tuhan yg lain melainkan Allah.

asyik **1.** menaruh berahi atau perasaan cinta yg amat sangat (terhadap seseorang), berahi (akan), cinta (akan): *raja itu sedang ~ kpd tuan puteri*; **2.** sedang sibuk, leka (dgn sesuatu), khayal (melakukan sesuatu): *kalau dah ~ berbual lupa akan makan*; ~ *maksyuk* a) berkasih-kasihan; b) orang yg sedang berkasih-kasihan, sepasang kekasih; c) Tuhan dan hamba-Nya; **3.** Ar orang yg menetapkan renungan dan pandangan rohaniah pd Allah SWT kerana didorong oleh cinta dan kasih kepada-Nya;

asyik-asyik balik-balik, sering kali: ~ *perkara itu juga yg dibangkitkannya*;

mengasyikkan **1.** menimbulkan berahi (pd seseorang), menimbulkan perasaan cinta (pd): *Rohani dgn baju yg pendek dan jarang, begitu ~ kekasihnya*; **2.** membuat atau menyebabkan asyik (leka dsb), melekakan, mengkhayalkan: *kisah itu cukup ~*; *buku cerita yg ~ pembaca*;

keasyikan kelekaan (sewaktu sedang melakukan sesuatu): *mereka memerhatikan ~ gadis itu memetik bunga di taman*;

keasyik-asyikan sangat asyik (berahi, leka, dll).

asyikin Ar (jamak bagi asyik) para asyik.

Asyura; *hari* ~ hari yg kesepuluh dlm bulan Muharam yg disambut oleh orang Islam dgn berpuasa sunat (berkenduri tahlil dsb).

At simbol kimia bagi astatin.

A.T. kep Asia Tenggara.

atak Mn; **mengatak** mengatur.

ataksia (Ubat) kegagalan pelarasan otot kawal sehingga menyebabkan pergerakan otot menjadi tidak teratur dan tersentak-sentak.

atap **1.** penutup rumah bahagian atas (utk melindungi penghuni dr hujan dan panas), bumbung: ~ *rumah itu sudah tua*; **2.** benda yg dibuat drpd sesuatu bahan (spt daun rumbia dll) dipakai utk menutup

bahagian atas rumah, bahan yg dijadikan bumbung: ~ *genting lebih mahal drpd ~ rumbia*;

beratap mempunyai (memakai) atap, dibubuh (dipasangkan) atapnya: *pondok itu belum ~*;

beratapkan mempunyai atau dipasangkan sesuatu (spt rumbia, genting, dsb) sbg atapnya atau bumbungnya: *rumah papan ~ genting*;

mengatap membubuh atap, memasang atap;

mengatapi membubuh atap pd, memberi beratap: ~ *rumah*.

atar; *air ~ = minyak ~ sj minyak wangi*; *orang ~ juruubat*, orang yg membuat ubat.

atas 1. (pd) tempat atau paras dsb yg lebih tinggi, lwn bawah: *dr ~ bukit itu nampak laut*; *tingkat ~*; *bibir ~*; **2.** pihak yg berkuasa: *perintah drpd ~*; **3.** kerana, dengan: *dia meletakkan jawatan itu bukan ~ kemahuannya*; **4.** mengenai, tentang, akan, berkaitan dgn, terhadap: *beliau puas hati ~ kemajuan yg telah dicapai*; *tidak mengaku salah ~ tuduhan yg dimajukan*; **5.** berdasarkan, berasaskan: *keputusan itu dibuat ~ beberapa pertimbangan*; ~ *soal-soal yg dibincangkan oleh pengarang, dapat saya mengatakan bahawa novelnya merupakan propaganda politik*; **6.** mengikut, menurut, berdasarkan: *maka dikahwinkan anak Raja Kida Hindi dgn Raja Iskandar ~ syariat Nabi Ibrahim*;

~ *angin = negeri ~ angin negeri-negeri yg dipandang sbg asal angin* (spt India, Iran, Arab, dan juga Eropah); ~ *sungai hulu sungai*;

di atas 1. pd bahagian atas, di sebelah atas (bukan di bawah): *letakkan bungkusan itu ~ meja*; *suatu kesimpulan boleh dibuat berdasarkan huraian yg diberikan ~*; **2.** lebih tinggi drpd: ~ *harga itu, tidak sanggup saya membelinya*;

ke atas 1. ke bahagian (tingkat, tempat, dsb) atas, ke sebelah atas: *angkat peti ini ~ meja; dia baru naik ~, ke tingkat lima;* **2.** (dan) lebih (drpd sesuatu paras, jumlah, dsb), dan tinggi drpd itu: *gaji seribu ~;*

beratas-atasan = atas-mengatasi;

mengatas 1. naik ke atas: *debu ~;* **2.** meninggi (diri): *bukan main lagaknya, bercakap hendak ~ saja;* **3.** Id meminta pertimbangan (keterangan dll) drpd orang yg lebih tinggi;

atas-mengatas selalu hendak ke atas;

mengatasi 1. melebihi, mengalahkan: *dicarikan akal bagaimana ~ lawannya dlm pertemuan itu;* **2.** menyelesaikan atau menguasai (masalah, kesulitan), menghapuskan (kelemahan, kemiskinan, dll);

atas-mengatasi saling hendak melebihi, berlumba-lumba tinggi: *di sekolah kami, murid-murid saling ~;*

mengataskan melebihkan, meninggikan: *ia selalu ~ negerinya;*

teratas terletak (berada dll) di atas sekali;

atasan (orang, golongan, pihak) yg lebih tinggi (pangkatnya, kedudukannya, dll): *hal ini harus diselesaikan oleh pegawai ~nya;*

pengatasan perihal mengatasi atau mengataskan;

pengatas (Mat) nombor atas pecahan yg menunjukkan berapa bahagian pecahan yg ada: *dlm pecahan 6/7, nombor 6 disebut ~.*

atase (atasé) pegawai yg diperbantukan pd kedutaan utk menguruskan tugas-tugas khas: *~ militer; ~ kebudayaan.*

atau 1. kata hubung yg bermaksud serupa (sama) dgn, disebut juga: *askar ~ tentera; binatang ~ haiwan;* **2.** kata hubung yg bermaksud salah satu antara beberapa hal (barang, perbuatan, dll): *air limau ~ air tomato, kedua-duanya minuman berkhasiat; mereka menghinanya dgn meludahinya ~ memakinya;* **3. = ataupun** baik mahupun: *besar ~ kecil; tua ~ muda; mahal ~ murah.*

atawa atau.

ateis (atéis) orang yg tidak mengakui atau mempercayai kewujudan Tuhan.

ateisme (atéisme) fahaman atau kepercayaan yg tidak mengakui kewujudan Tuhan.

ateistik (atéistik) berpendirian (bersikap) tidak mengakui kewujudan Tuhan.

atelas → **atlas II**.

atendan (aténdan) **1.** pekerja lelaki di hospital yg membuat kerja-kerja rencam (spt menjaga kebersihan di rumah sakit, membawa makanan utk pesakit, menolong pesakit, dsb); **2.** pembantu drebar lori, kelindan; **3.** orang yg bertugas menjaga kereta di sesuatu tempat letak kereta dan mengutip bayaran drpd empunya kereta, jaga kereta.

ati-ati sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat ubat), *Coleus atropurpureus*.

Atid malaikat yg menulis segala kejahatan seseorang.

atip; mengatip sl menyusun, mengatur.

atlas I buku yg mengandungi peta-peta (gambar rajah dan maklumat-maklumat lain tentang negeri-negeri).

atlas II Ar, sl sj kain halus yg berkilat; → **antelas**.

atlas III tulang ruas yg pertama.

atlet (atlét) orang yg giat dlm lapangan sukan, ahli sukan.

atletik (atlétik) berbagai-bagai jenis olahraga (terutamanya yg memerlukan kekuatan, ketangkasan, dan kecepatan spt berlari, melompat, berenang, dll), sukan.

atlit → **atlet**.

ATM kep *Automated Teller Machine* (Mesin Teler Automatik, iaitu mesin yg memberikan khidmat juruwang secara automatik).

atma jiwa, nyawa; ~ *juita* sl kata cumbuan.

atmometer (atmométer) (Fiz) alat pengukur kadar penyejatan air.

atmosfera (atmosféra) lapisan udara yg melingkungi bumi (yg terdiri drpd bahan-bahan gas).

atol (Geo) terumbu karang yg berbentuk spt cincin yg melingkungi sesuatu lagun, pulau cincin.

atom **1.** bahagian atau unit yg terkecil drpd unsur kimia yg boleh terlibat dlm sesuatu perubahan kimia: *satu molekul air terdiri drpd dua ~ hidrogen dan satu ~ oksigen; bom* ~ bom yg diledakkan dgn tenaga atom; *perang* ~ perang yg mempergunakan bom (senjata) atom; *zaman* ~ zaman moden (zaman sudah adanya bom atom); **2.** Id, bp (dipakai utk menyatakan sesuatu yg moden, baru atau luar biasa); *ikat pinggang* ~ ikat pinggang yg dibuat drpd plastik; *pulpen* ~ pen yg tidak perlu diisi dakwat.

atop Jw ark sedawa.

atos Jw ark keras.

atribut **1.** sifat (ciri) khusus pd seseorang atau sesuatu benda: *kenyataan itu harus terdiri drpd jisim dan ~nya*; **2.** sesuatu yg menjadi lambang atau simbol: *sifat yg kita anggap sbg ~ yg memberi sifat kpd golongan orang bujang*; **3.** kumpulan atau kelas manusia (tumbuhan dll) drpd berbagai-bagai tingkat kualitatif; **4.** (Komp) nilai atau ciri tertentu data, struktur data, unsur model data, atau sistem; **5.** (Komp) kata yg menerangkan cara sesuatu pemboleh ubah dikendalikan oleh komputer.

atrium I laman bahagian dlm sesebuah seni bina Romawi, gereja, dan juga bangunan moden yg tinggi.

atrium II (Bio) jantung.

atui Pn atau.

atuk bp datuk; ~ *moyang* ark datuk nenek, nenek moyang.

atun; ~ laut sj tumbuhan (pokok), bayur laut, dungun, pelir kambing, *Heritiera littoralis*.

atung; **teratung-atung** terkatung-katung; → **katung I**.

atur I; **atur-atur**; *kayu* ~ kayu mainan kanak-kanak yg disusun utk membentuk sesuatu (spt rumah dll);

beratur 1. berada (berdiri dsb) dlm barisan: *para peserta sudah ~ di padang utk upacara penyampaian hadiah*; **2.** berada dlm susunan yg baik (bkn barang, benda), tersusun (baik-baik): *perkakas dapur ~ dgn baik*;

mengatur 1. meletakkan (sesuatu) dlm susunan yg baik atau sebagaimana yg diinginkan: ~ *pasu bunga di taman*; ~ *buku di rak*; **2.** menguruskan (supaya rapi, kemas, berjalan dgn baik, dsb): ~ *persiapan utk menyambut Hari Kebangsaan Negara*; *apa guna mencampuri hal rumah tangga orang sedangkan rumah tangga sendiri belum dapat diatur*;

mengaturkan mengatur utk;

teratur 1. telah diatur (dgn baik), sudah disusun baik-baik, tersusun: *dia melihat-lihat buku-buku yg ~ di rak*; **2.** tidak kelamkabut (kucar-kacir dsb): *segala-galanya dijalankan dgn ~ dan rapi setelah mereka merancangannya dgn sempurna*;

aturan 1. cara mengatur, susunan: ~ *buku dlm perpustakaan ini, menurut cara Dewey*; **2.** segala yg telah ditentukan atau ditetapkan utk diturut, peraturan: *membuat sesuatu itu biarlah menurut ~nya*; **3.** adat sopan santun, ketertiban: *tidak tahu ~ tidak tahu adat*; **4.** = ~nya Id sebetulnya, sebenarnya: *~(nya) harus diberitahukan terlebih dahulu*;

beraturan 1. dgn aturan, mempunyai aturan, teratur baik-baik; **2.** tahu adat (sopan santun);

keteraturan keadaan yg teratur, ketertiban: ~ *gerak laku*; ~ *dan alam tabii tidak meninggalkan kesan yg mendalam*;

peraturan 1. segala yg telah ditentukan (ditetapkan dsb) dan harus diturut atau dipatuhi: *setiap pekerja hendaklah mematuhi ~ pejabat*; ~ *lalu lintas*; ~ *mesyuarat*; ~ *kerajaan* peraturan (ketentuan, garis panduan, dsb) yg dibuat oleh kerajaan; **2.** sl hubungan keluarga (kpd);

berperaturan ada peraturannya, beraturan: *kerja yg tidak ~*;

pengaturan perihal (perbuatan dsb) mengatur(kan).

pengatur 1. orang yg mengatur, orang yg menyediakan sesuatu mengikut aturan atau peraturan tertentu: ~ *huruf*; **2.** alat utk mengatur.

atur II Mn; mengatur(kan) mencucuk: ~ *hidung kerbau*.

atur III; Jw mengaturi ark memberi kpd, menyilakan supaya;

mengaturkan 1. menyampaikan, mempersembahkan, memberi: ~ *surat kpd* menyampaikan surat kpd; **2.** mengucapkan, mengatakan: ~ *selamat datang*.

atur cara 1. jadual pelbagai acara (kegiatan dsb) yg telah ditetapkan utk dilaksanakan (biasanya dlm sesuatu upacara, persidangan, persembahan, dll): ~ *persidangan adalah mengikut aktiviti jawatankuasa dan kumpulan tertentu; masing-masing mempunyai ~ dan rancangan-rancangan tersendiri*; **2.** (Komp) urutan arahan berkod yg dimasukkan ke dlm komputer yg membolehkan data diproses (oleh komputer);

pengaturcaraan (Komp) proses membuat atur cara komputer: *dlm pendekatan ~, pelajar didedahkan kpd peranan komputer*;

pengatur cara 1. orang yg mengendalikan sesuatu majlis: ~ *majlis*; **2.** (Komp) orang yg menganalisis sesuatu masalah dan

menulis atur cara supaya data yg berkaitan boleh diproses oleh komputer.

atur huruf penyusunan huruf menjadi perkataan atau blok perkataan utk tujuan pencetakan: *pd peringkat ~;*

mengatur huruf menyusun huruf menjadi perkataan atau blok perkataan dlm proses pencetakan: *mereka hanya menjalankan tugas ~, membuat filem, membuat plat, mencetak dan menjilid;*

pengatur huruf **1.** orang yg kerjanya mengatur huruf; **2.** mesin yg digunakan utk mengatur huruf: *mesin ~.*

au sr kata utk menyatakan kesakitan (ketakutan atau keadaan terkejut).

Au simbol kimia bagi aurum.

aubade alu-aluan dgn muzik atau nyanyian (pd pagi-pagi hari).

audiens para penonton (pembaca, pendengar, dsb) yg menjadi tumpuan sesuatu ciptaan atau persembahan seni atau sastera: *ia kurang diminati kerana ~ gagal memahami daya tarikannya yg aneh; persekitaran membentuk aksi dan kehidupan watak-watak sewaktu mereka berkomunikasi dgn ~.*

audio **1.** berkaitan dgn bunyi atau pendengaran: *drpd satu bahasa perhubungan melalui saluran pendengaran atau ~, bahasa Melayu telah menjadi satu bahasa pustaka;* **2.** berkaitan dgn bunyi atau penghasilan semula bunyi: *selalunya peralatan ~ diletakkan di tengah ruang pameran itu; ia membawa konsep baru pusat beli-belah yg menawarkan pelbagai pilihan produk ~ dan video.*

audio- awalan asing berkaitan dgn bunyi atau pendengaran, mis *audiometer* dan *audiologi*.

audiogram rakaman dlm bentuk graf yg dihasilkan oleh audiometer utk menunjukkan tahap ketajaman pendengaran seseorang.

audiologi kajian (secara saintifik) tentang pendengaran.

audiometer (audiométer) alat utk mengukur kepekaan bunyi, terutama utk menguji pendengaran.

audiometri (audiométri) pengukuran daya pendengaran, mis dgn menggunakan audiometer.

audiovisual (yg) melibatkan atau menggunakan pendengaran dan pelihatan (bkn usaha mengajar atau menyampaikan maklumat dll), pandang dengar.

audit (Eko) pemeriksaan dan pengesahan kira-kira (akaun);

~ *awal* audit yg mula dilakukan sebelum tahun perakaunan yg diaudit itu berakhir; ~ *baucar* pemeriksaan dokumen asal (spt inouis, surat perjanjian, pesanan belian, dll) utk membuktikan sah/tidaknya sesuatu urus niaga sebelum bayaran dibuat; ~ *bebas* audit yg dilakukan oleh juruaudit luar utk mendapatkan pandangan tentang penyata kewangan sesebuah organisasi; ~ *berkala* audit yg dilakukan oleh juruaudit luar utk setiap tempoh perakaunan tertentu (spt setiap setengah tahun dan setahun); ~ *berkanun* audit bebas yg dilakukan pd sesebuah organisasi spt yg diperuntuk oleh undang-undang; ~ *bersama* audit yg dilakukan secara bersama oleh dua firma audit atau lebih; ~ *dalam* = ~ *dalaman* pemeriksaan rekod kewangan dan bukan kewangan sesebuah organisasi oleh organisasi itu sendiri utk memastikan bahawa organisasi dikendalikan dgn betul; ~ *hujung tahun* audit yg tertumpu pd penentuan tepat/tidaknya baki akaun yg terdapat dlm kunci kira-kira; ~ *personel* (Tadb) audit pd sumber manusia dlm sesebuah organisasi biasanya dilakukan oleh pihak luar, yg meliputi aspek kesesuaian kelulusan staf dgn pekerjaannya, kesesuaian gaji dgn tugas yg dilakukan dsb;

mengaudit memeriksa dan mengesahkan kira-kira (akaun): *kira-kira yg telah disediakan itu perlu diaudit sebelum dapat diterima;*

pengauditan pemeriksaan dan pengesahan kira-kira (akaun).

auditorium dewan (ruang dlm bangunan dsb) utk para penonton.

auh → **au**.

auk Id bunyi anjing menyalak.

auksin (Bio) hormon penggalak dan pengawal pertumbuhan (pd tumbuhan).

aula Id ruangan besar utk berapat atau mengadakan upacara (dlm gedung sekolah tinggi dll).

aulia Ar (jamak bagi wali) orang yg dipilih oleh Allah SWT utk mendapat pertolongan-Nya dgn dirapatkannya pd kehadiran-Nya.

aum I = **ngauman** bunyi harimau atau singa;

mengaum berbunyi menderam (bkn harimau, singa): *kambing mengembek, harimau ~;*

mengaum-aumkan bp menggembar-gemburkan, menceritakan ke sana ke mari.

aum II Kd borong semua.

aung bunyi meraung;

mengaung meraung.

aungan Jw hubungan.

auns unit ukuran berat yg bersamaan dgn 1/16 paun atau 28.349 gram.

aup Pr mati, mampus: *terlangkup ~ sama sekali*.

aur buluh, bambu; jenis-jenisnya: ~ *cina*, ~ *duri*, ~ *hitam*, ~ *kuning*, ~ *licin*, dll;

bagai ~ dgn tebing prb dikatakan mengenai orang yg suka bertolong-tolongan; *spt ~ ditarik songsang* prb banyak sangkut-pautnya hingga susah hendak dilaksanakan.

aura suasana atau perasaan halus yg menyelubungi diri seseorang atau sesuatu.

aurat Ar **1.** bahagian tubuh yg tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup (menurut hukum Islam); **2.** kemaluan; **3.** telanjang.

AURI akronim bagi Angkatan Udara Republik Indonesia.

aurora fenomena berupa cahaya terang yg kelihatan di langit pd malam hari, berbentuk jalur atau tirai yg biasanya berwarna merah, hijau atau ungu;

~ *australis* aurora yg kelihatan pd waktu malam di sekitar Kutub Selatan; ~ *borealis* aurora yg kelihatan pd waktu malam di sekitar Kutub Utara.

aurum (Kim) sj unsur logam yg tidak reaktif dan banyak digunakan utk membuat barang-barang kemas, emas.

Austronesia (austronésia) semua pulau yg terletak di Lautan Pasifik Selatan dan Tengah, termasuk Irian, Polinesia, Melanesia, Australia, dan New Zealand: *bahasa Melayu ialah anggota keluarga bahasa ~ yg terdiri drpd lebih kurang 4000 bahasa.*

auta bp borak (tidak sungguh-sungguh), temberang.

autarki perihal atau cara yg tidak bergantung pd negeri lain tentang keperluan-keperluan dlm negeri, perihal mencukupi keperluan sendiri.

autentik (auténtik) dapat dipercayai atau dijadikan pegangan, asli dan benar (bukan palsu, rekaan, dsb): *makalah ~.*

autisme (Psi) gangguan mental yg mula muncul pd peringkat kanak-kanak yg menyebabkan seseorang berkelakuan tidak normal dan sukar berkomunikasi dgn masyarakat.

autistik menderitai autisme: *kanak-kanak ~.*

auto IB kereta, motokar; ~ *gerobak* lori;

berauto berkenderaan dgn motokar, berkereta; **automobil.**

autobiografi riwayat hidup yg ditulis sendiri.

autobis IB bas.

autofokus dapat memfokuskan sesuatu objek secara automatik (bkn kanta kamera): *kamera ~*.

autogami (Bio) pensenyawaan sendiri oleh tumbuhan berbunga.

autogiro pesawat udara yg menggunakan kipas utk menghasilkan daya angkat tanpa menggunakan enjin.

autograf 1. tandatangan seseorang, biasanya orang yg terkenal; **2.** = *buku* ~ buku kecil utk menyimpan tandatangan orang yg terkenal atau kata-kata nasihat dsb oleh sahabat handai utk kenang-kenangan; **3.** naskah (manuskrip) asal yg ditulis tangan oleh pengarangnya sendiri.

autografi 1. penulisan tentang sesuatu yg dibuat dgn tulisan tangan penulisnya sendiri; **2.** penghasilan semula sesuatu ilustrasi atau tulisan.

autokarpa (Bio) buah yg terhasil drpd pensenyawaan, mis buah manggis.

autokiu alat yg memaparkan skrip (tidak dapat dilihat oleh penonton) yg boleh dibaca oleh seseorang semasa rakaman rancangan televisyen, mis siaran berita atau ucapan di khalayak ramai.

autoklaf bekas berdinding tebal, berpenutup, dan digunakan utk mensterilkan alat-alatan perubatan.

autokrasi 1. pemerintahan oleh orang atau individu yg mempunyai kuasa penuh (tidak terhad); **2.** negara yg diperintah oleh individu yg mempunyai kuasa penuh.

autokrat pemerintah yg mempunyai kuasa penuh (kuasa mutlak).

autokratik berasaskan atau mempunyai kuasa penuh (bkn pemerintah, pemerintahan, pengurusan, dsb): *amalan pengurusan yg berbentuk ~ dan birokratik*.

autolisis (Bio) pemusnahan sel atau tisu oleh tindakan enzimnya sendiri.

automasi sistem pelaksanaan tugas serta alat otomatis yg pd keseluruhannya membolehkan pelbagai aspek dan proses kerja dilakukan dgn sedikit sahaja atau sama sekali tidak memerlukan tenaga manusia: *tahun-tahun lapan puluhan pula memperlihatkan bank memberikan penekanan terhadap penggunaan komputer dan ~;*

mengautomasikan menjadikan sesuatu sistem (proses dsb) berjalan secara automasi: *beberapa langkah sedang diambil utk ~ sistem pengeluaran yg sedia ada;*

pengautomasian perihal atau proses mengautomasikan: *~ Pusat Sumber Sekolah.*

automatik bkn sesuatu yg bergerak atau melakukan sesuatu dsb dgn sendirinya (alat, mesin, dsb); *secara ~ a) dgn sendirinya, dgn (hampir) tidak perlu dikendalikan oleh tenaga manusia (bkn alat, mesin, dsb), dilaksanakan (hampir) sepenuhnya dgn penggunaan alat-alat tertentu dan bukan tenaga manusia (bkn kerja dsb); b) dgn tidak berfikir-fikir dsb terlebih dahulu (bkn sesuatu tindakan dsb); c) dgn tidak perlu dilakukan (diuruskan, diselesaikan, dsb) sesuatu terlebih dahulu (bkn kedudukan, perjalanan, dsb sesuatu);*

mengautomatikkan menjadikan sesuatu automatik;

pengautomatikan perihal (proses, tindakan dsb) menjadikan sesuatu automatik.

automobil kereta, motokar.

automotif bkn kenderaan bermotor.

autonom IB mengurus (mengendalikan) pemerintahan dsb sendiri.

autonomi pemerintahan (pentadbiran, pengurusan) sendiri, hak mengurus pemerintahan (pentadbiran dsb) sendiri (tanpa penguasaan atau pengendalian oleh pihak lain);

berautonomi mempunyai autonomi, mempunyai hak atau kuasa sendiri: *sebuah institusi penyelidikan yg ~ dan bebas mengenai perpaduan kaum hendaklah ditubuhkan; jelas bahawa rancangan Amerika adalah utk mewujudkan sebuah wilayah Palestin ~ dan bukannya sebuah negara Palestin.*

autoped (autopéd) IB basikal yg disorong dgn kaki (permainan anak-anak).

autoplasti (Ubat) penggantian tisu yg rosak kerana cedera, berpenyakit dsb, dgn tisu yg diambil drpd bahagian lain tubuh pesakit itu sendiri.

autopsi (Ubat) pembedahan dan pemeriksaan mayat utk menentukan atau mengetahui sebab-sebab kematian;

mengautopsi melakukan autopsi.

autoritarian 1. berpegang teguh pd peraturan dan undang-undang; **2.** orang yg percaya akan ketaatan sepenuhnya terhadap autoriti.

autoritarianisme faham (pendirian, prinsip, dsb) yg mengutamakan taat setia kpd pihak yg berkuasa di sesebuah negara.

autoritatif 1. diiktiraf (diakui, diterima) sbg yg benar atau yg boleh dipercayai dan dijadikan pegangan: *pd umumnya kecekapan sesuatu bahasa itu terpancar dlm kamus yg ~ dlm bahasa yg berkenaan; makalah yg ~ tentang masalah yg dihadapi peniaga-peniaga kecil;* **2.** (penuh) berkuasa, berwibawa.

autoriti 1. kuasa atau hak (utk memberi perintah, mengawal, membuat keputusan, dsb): *beliau mempunyai ~ utk mewujudkan dan menetapkan hukum;* **2.** sumber (orang, buku, dsb) sbg sumber maklumat tentang sesuatu yg boleh diterima atau dipercayai: *kamus merupakan salah satu ~ yg sah dlm kajian ini;*

berautoriti mempunyai autoriti.

autosom (Bio) semua kromosom yg terdapat di dlm nukleus sel kecuali kromosom yg menentukan jantina sesuatu organisma.

auzubillah Ar aku berlindung kpd Allah drpd kejahatan atau bencana (biasanya drpd iblis dan syaitan).

avant-garde (Perancis) bersifat baru dan progresif (bkn idea, kesenian, kesusasteraan dsb): *sebuah lukisan ~*.

avgas sj bahan api yg digunakan oleh pesawat udara.

avikultur pemeliharaan dan penternakan burung.

avionik sains elektronik yg diterapkan dlm bidang penerbangan.

avisenian (avisénian) sj tumbuhan (pokok bakau) drpd genus *Avicennia*.

avokado sj tumbuhan tropika yg buahnya berbentuk bulat lonjong, berkulit hijau atau kehitaman, berbiji besar dan keras, dan isi yg tebal berwarna kuning kehijauan dan sedap dimakan, *Persea spp.*: *buah ~*.

awa I; *pinang ~* pinang yg telah dipotong kedua-dua hujungnya dan dibelah empat (utk dimakan).

awa II Tr musim: *sekarang ini ~ orang bermain wau bulan*.

awa- Id *awalan asing* hilang atau bebas, mis *awahama*.

awah Sr ruang panjang yg menjadi lorong tempat lalu lalang di bahagian tengah rumah, spt di rumah panjang.

awahama Id tanpa hama, bebas drpd hama;

mengawahamakan membebaskan drpd hama.

awai I Id ark; **mengawai** melambaikan (tangan).

awai II Mn ark; **mengawai** memegang, meraba; → □ **awat III**.

awai III Mn kecewa: *ia memandang kami dgn agak kecewa ... lebih-lebih ~ lagi ketika kami tidak bermohon kepadanya*.

awak 1. badan, tubuh; ~ kapal a) badan kapal; b) anak buah kapal (perahu dll); ~ perahu anak buah perahu; **2.** kata ganti diri kedua, engkau, kamu: *apa kerja ~ sekarang?*; ~ *kalian* kamu sekalian **3.**

diri (sendiri); ~ *sama* ~ sesama sendiri, antara kita sendiri (tidak melibatkan orang luar); *orang* ~ Mn orang kita sendiri;

perawakan bentuk tubuh, susuk badan, sikap badan: *walaupun demikian baiknya ~ anak muda itu, tetapi hatinya tidak dapat menerimanya.*

awal **1.** sebelum waktu yg biasa (yg dijangkakan, ditetapkan, dsb), terlebih dahulu (drpd yg lain): *dia datang ke pejabat ~; kereta api tiba ~ sedikit drpd jadualnya hari ini;* **2.** bahagian yg mula-mula (cerita dll), lwn akhir: *ceritakan dari ~ hingga akhir;* **3.** permulaan (sesuatu jangka waktu): *pd ~ tahun ini;*

~ mula mula-mula sekali; *~ bermula ... pd permulaannya...*;

berawakan bermula dgn, mempunyai (sesuatu) sbg unsur yg mula-mula: *bentuk-bentuk dasar kata yg ~ konsonan;*

mengawalkan membawa ke waktu atau tarikh yg lebih awal, mempercepat;

terawal **1.** lebih awal (dahulu) drpd yg dijangkakan (ditetapkan dsb); **2.** paling awal;

awalan imbuhan di depan kata dasar (spt me, ber, ke, per, ter);

berawalan mempunyai awalan.

awam **1.** bkn (melibatkan dsb) orang ramai sbg suatu keseluruhan: *kepentingan ~;* **2.** utk atau terbuka kpd semua orang (tidak terkhusus atau istimewa utk golongan dsb tertentu): *tempat ~; kenderaan ~; kemudahan ~;* **3.** bukan tentera atau polis dsb; *perkhidmatan ~* perkhidmatan kerajaan yg tidak berkaitan dgn tentera atau polis; *orang ~* a) orang preman (bukan anggota tentera atau polis); b) orang kebanyakan; c) orang biasa (bukan ahli atau istimewa);

mengawamkan **1.** mengumumkan, memberitakan kpd orang banyak; **2.** menganjurkan, mengesyorkan;

pengawam penganjur.

awan 1. wap air yg bergumpal-gumpal di udara (kelihatan spt asap berwarna putih atau kelabu di langit): *cahaya matahari menembusi ~ menyinari bumi*; **2.** corak ukiran; ~ *bakat kuning* awan yg kekuning-kuningan; ~ *bakat merah* awan yg kemerah-merahan; ~ *blanda* ukiran yg berbentuk daun-daun; ~ *berarak* a) awan yg bergerak; b) ukiran yg berupa daun yg berbelit; ~ *berjentera* ukiran yg berupa bulatan-bulatan; ~ *berkeluk* = ~ *lingkungan* ukiran yg berupa separuh bulatan; ~ *bersilap* ukiran yg berlekuk-lekuk; ~ *biji timun* ukiran spt biji timun; ~ *bunga cengkih* ukiran spt bunga cengkih; ~ *cina* ukiran yg berlekuk-lekuk; ~ *dandan* = ~ *dendan* = ~ *selimpat* ukiran spt anyaman; ~ *gelugur* ukiran yg berjalur-jalur; ~-*gemawan* berbagai-bagai rupa awan; ~ *hitam mendung*; ~ *jawa* ukiran yg separuhnya berupa daun-daun; ~ *kelarai* ukiran yg berupa petak-petak; ~-*kemawan* awan yg berkepul-kepul; ~ *kerawang* ukiran yg tembus; ~ *larat* a) awan yg berpindah-pindah dibawa angin; b) sj ukiran yg coraknya berkait-kait; ~ *mengandung hujan* = ~ *mendung* awan hitam, mendung; ~ *pengarak angin* awan yg menandakan akan datang angin; ~ *pintal* ukiran yg berbelit-belit; ~ *pucuk rebung* ukiran yg merupai pucuk rebung; ~ *tali air* ukiran yg lurus-lurus; ~ *telepok* ukiran yg menyerupai bunga teratai;

berawan diliputi awan: *langit tidak ~*;

mengawan 1. menjadi atau tampak spt awan, menyerupai awan: *burung bangau yg terbang itu putih ~ di udara*; **2.** meninggi, membumbung tinggi (spt menuju ke awan): *kemuncak gunung itu tinggi ~*; **3.** terlalu tinggi (bkn hasrat, cita-cita, dsb): *apa yg aku kehendaki itu jauh ~, tak mudah tercapai*;

merawan berada di atas awan, setinggi awan.

awang I panggilan kpd orang muda (terutama kpd anak sulung); ~ dan *dayang* hamba laki-laki dan hamba perempuan;

perawangan sl orang muda-muda yg menjadi hamba raja: *oleh baginda yg laki-laki digelar awang dan yg perempuan digelarnya dara, itulah asal segala ~ dan perdaraan.*

awang II; ~-*gemawang* = **awang-awang** = **awang-awangan** sl ruang antara langit dan bumi, udara, angkasa;

(*masih*) *di* ~ masih belum tentu atau belum pasti lagi, tidak dapat diharapkan; *hidup di* ~ hidup mewah (spt orang besar atau orang kaya); *serasa di atas* ~ a) tinggi sekali; b) merasa bahagia atau senang;

mengawang 1. naik tinggi ke udara, meninggi: *belon-belon itu ~ sesudah dilepaskan*; **2.** memikirkan yg tinggi-tinggi, berkhayal: *fikirannya ~*; **3.** berbuat sesuatu dgn tidak menentu atau berhati-hati (memukul, berkata, dll), merambang, mengaur;

perawangan lingkungan awang-awang.

awangku Br 1. gelaran utk anak lelaki bujang yg bapanya keturunan pengiran: *A~ Idris*; **2.** panggilan timang-timangan utk anak lelaki yg bapanya bukan pengiran.

awar kerusakan pd kapal atau muatannya.

award (Udg) keputusan yg dibuat oleh hakim atau penimbang tara.

awas 1. tajam pandangan (pelihatan), dapat melihat dgn baik: *mata pemburu itu ~ sekali*; **2.** kebolehan yg luar biasa utk menilik (melihat) sesuatu yg ghaib, tajam tiliknya; **3.** (ber)hati-hati, berjaga-jaga, waspada: *kita harus ~ akan gerak-geri mereka*; ~, *jalan raya sedang dibaiki*;

berawas, berawas-awas berhati-hati (dgn melihat-lihat ke sana sini dsb), beringat-ingat, berjaga-jaga: *harus ~ sewaktu menyeberangi sungai itu*;

mengawas = mengawasi;

mengawasi 1. memerhatikan (tingkah laku atau gerak-geri dsb seseorang), mengamati (utk mengelakkan berlakunya sesuatu yg tidak baik dsb): *beberapa orang anggota polis ~ gerak-geri orang-orang yg disyaki itu; ia ~ anaknya yg sedang bermain-main di pantai;* **2.** menjaga, memerhatikan dan mengawal, mengamat-amati: *sengaja diupah orang utk ~ rumah itu siang dan malam;* **3.** memberikan perhatian serta mengawal (supaya teratur atau berjalan dgn baik dsb): *~ pelaksanaan sesuatu projek; ~ perjalanan mesyuarat;*

pengawasan perihal (perbuatan dsb) mengawas(i), penjagaan, pemeriksaan: *budak itu sekarang di bawah ~nya; mereka masih di bawah ~ polis; projek-projek di bawah ~ kerajaan pusat;*

pengawas orang yg mengawasi, orang yg menjaga; *~ hutan orang yg mengawasi hutan.*

awat I Kd, bp mengapa, apa pasal: *~ hang tak datang kelmarin?*

awat II tanah yg tidak kena oleh tenggala.

awat III ark; **mengawat** memegang, menjawat.

awau sj kera, ungka.

awda Br singkatan bagi awang dan dayang.

awek (awék) bp panggilan yg biasa dihubungkan dgn seorang gadis.

awet (awét) tahan lama, tidak lekas (mudah) rosak; *makanan ~ makanan yg tahan lama;*

mengawet, mengawetkan membuat supaya tahan lama (tidak busuk, rosak, dsb), memelihara atau mengekalkan (kesegaran dsb sesuatu): *~ makanan;*

pengawetan perihal (proses, perbuatan, dsb) mengawet;

pengawet bahan yg digunakan utk mengawetkan.

awet muda sentiasa kelihatan lebih muda drpd usia sebenar;

mengawet muda membuat supaya (sentiasa) kelihatan muda, mengelakkan atau melambatkan penuaan diri seseorang: *sari Aloe Vera terkenal dgn khasiatnya utk ~*.

awewe (awéwé) (Sunda) perempuan.

awewek (awéwék); *hantu ~ sj hantu*.

awi (Sunda) buluh, bambu.

awur I; mengawur menabur, menghambur;

mengawuri menaburi, menghamburi;

mengawurkan menaburkan, menghamburkan.

awur II; mengawur merambang, membabi buta;

awur-awuran dgn merambang (membabi buta).

aya I sj ikan laut, tongkol; jenis-jenisnya: ~ *hitam, Thunnus tonggol*; ~ *jepun, Katsuwonus pelamis*; ~ *kurik, Euthynnus affinis*; ~ *selasih, Auxis thazard*; ~ *tuna, Thunnus albacares*.

aya II (Tamil) bapa, ayah (panggilan kpd lelaki India yg tua).

ayah I (lebih halus drpd) bapa; ~ *bonda* ibu bapa, orang tua;

berayah mempunyai ayah: *ia tidak ~ semenjak kecil lagi*; ~ *kpd menyebut (menganggap) ayah kpd*;

berayahkan mempunyai (seseorang yg dinyatakan) sbg ayah: ~ *seorang yg pengasih dan penyayang*; ~ *guru*;

keayahan sifat yg dimiliki sbg ayah, kebapaan: *sememangnya dia mempunyai naluri ~ yg cukup tajam*.

ayah II amah, pengasuh (orang India).

ayahan Jw kewajiban, tugas.

ayahanda (lebih halus drpd) ayah (lazim digunakan dlm surat-menyurat atau sastera lama).

ayak alat utk menapis (menyerkai) barang yg halus (spt tepung dsb); *umpama ayakan dawai* prb membuat sesuatu tidak dgn cermat;

mengayak **1.** menapis dgn ayakan (dgn cara menggoyang-goyangkannya): ~ *tepung*; **2.** ark berjalan bergoyang-goyang ke kiri kanan: ~ *spt itik*;

ayakan ayak;

pengayakan **1.** perbuatan atau cara mengayak; **2.** Jk ayakan;

pengayak **1.** orang yg mengayak; **2.** ayak.

ayak-ayak sj serangga yg panjang kakinya (biasanya hinggap di air) dlm famili Tipulidae, katih-katih.

ayal Id **1.** lalai, lengah: *jangan ~ menolong orang yg kemalangan*; **2.** ragu-ragu, bimbang;

berayal-ayalan berlambat-lambat, berlengah-lengah, bertangguh-tangguh.

ayam **I 1.** sj unggas yg biasanya dternak; **2.** daging ayam: *kari ~*; *sup ~*; ~ *aduan* ayam sabung(an); ~ *air*, *Porphyrio porphyrio*; ~ *alas* ayam hutan; ~ *bacul* ayam sabung yg penakut; ~ (*bulu*) *balik* ayam yg bulunya terbalik; ~ *bangkas* ayam jantan yg borek (berbintik-bintik putih); ~ *belanda* sj unggas besar yg dternak, *Meleagris gallopavo*; ~ *belorong* ayam jantan yg putih; ~ *beroga* = ~ *burga* ayam hutan; ~ *betina* ayam jenis betina(jenis yg boleh bertelur); ~ *biang* ayam betina yg sudah bertelur; ~ *biring* ayam jantan yg kuning kakinya; ~ *bogel* ayam yg (hampir) tidak berbulu, ayam togel; ~ *daging* ayam yg dternak khusus utk dagingnya (bukan utk mendapatkan telur); ~ *dara* ayam betina yg hampir bertelur; ~ *denak* = ~ *hutan* ayam liar, *Gallus gallus*; ~ *didik* anak ayam yg tidak beribu tetapi dididik (dipelihara) oleh orang yg memeliharanya; ~ *golek* a) (daging) ayam yg dipanggang seekor-seekor; b) sj masakan yg daging ayamnya dimasak seekor-seekor; ~ *hitam* = ~ *selasih* ayam yg bulunya berbintik-bintik hitam atau kelabu; ~ *itik* berbagai-bagai jenis ayam dan itik yg dipelihara

(ayam, itik, angsa, dll); ~ *jalak* ayam jantan yg rupanya spt perling dan kakinya kuning; ~ *jantan* ayam jenis jantan (jenis tidak boleh bertelur); ~ *kampung* ayam yg ditenak secara yg biasa dilakukan di kampung, *Gallus gallus domestica*; ~ *kasi* = ~ *kebiri* = ~ *kembiri* ayam yg dikembiri; ~ *katik* sj ayam yg kecil; ~ *kenantan* = ~ *cenantan* = ~ *sinantan* ayam jantan yg putih; ~ *koci* sj ayam yg berasal dr Cochin China (Vietnam, Kemboja); ~ *lemba* ayam yg rendah badannya; ~ *mandul* ayam betina yg tidak bertelur; ~ *mei*, *Gallix cinerea*; ~ *meluruh* ayam yg bulunya sedang luruh (gugur); ~ *mutiara*, *Numida meleagris*; ~ *panggang* daging ayam yg dipanggang; ~ *paya*, *Gallinula chloropus*; ~ *pega* burung tatera, *Lophura ignita rufa*; ~ *pencen* ayam yg tidak bertelur lagi; ~ *penelur* = ~ *telur* ayam yg ditenak terutamanya utk mendapatkan telurnya (bukan dagingnya); ~ *peranggang* = ~ *potongan* ayam yg dipelihara utk disembelih; ~ *percik* ayam panggang yg disaluti sos yg diperbuat drpd santan dan rempah ratus; ~ *pilas* ayam jantan yg hitam lehernya dan kakinya (bulunya berbintik-bintik); ~ *piru* sj ayam belanda; ~ *pupuh* ayam aduan (sabungan) yg tidak memakai taji; ~ *sabung(an)* ayam jantan utk disabung; ~ *sebandung* ayam kembar yg menetas dr sebutir telur; ~ *serama* sj ayam peliharaan yg kecil, jinak, berbulu cantik dan berkaki pendek; ~ *sinantan* ayam kenantan; ~ *tambatan* ki orang yg dianggap hebat dan sangat diharapkan dapat membawa kemenangan dlm sesuatu perlawanan, spt bola sepak dsb; ~ *tedung* ayam jantan hitam yg besar dan tegak bulu suanya;

~ *baru belajar berkokok* prb baru saja cukup umur, baru mencuba hendakkan perempuan; ~ *beroga itu jika di pinggan emas sekalipun diberi makan, ke hutan juga perginya* prb orang dagang itu bagaimanapun senang di negeri orang, ingat juga akan

negerinya sendiri; ~ bertelur di atas padi mati kelaparan prb orang yg menderita kesusahan di tempat yg mewah; ~ ditambat disambar helang, (padi ditanam tumbuh lalang) prb untung yg malang (spt isteri atau tunangan dirampas orang yg berkuasa); ~ hitam terbang malam, hinggap di pokok pandan, bergeresek ada, rupanya tiada prb kejahatan yg sulit dan diketahui orang tetapi tidak ada bukti yg nyata; ~ itik raja pd tempatnya prb setiap orang itu adalah penting pd tempatnya sendiri; ~ menetaskan telur itik, anaknya itu ke air juga suka ditujuinya prb perangai drpd baka yg asal tidak akan berubah juga; ~ putih terbang siang, (hinggap di halaman, malih kpd mata orang banyak) prb perihal pekerjaan yg dilakukan dgn terang dan nyata dan diketahui orang; ~ tak patuk, itik tak sudu prb dikatakan kpd seseorang yg hina atau sesuatu yg tidak berharga; ~ terlepas, tangan bau tahi prb dikatakan kpd orang yg mengerjakan perbuatan yg dilarang itu akhirnya mendapat malu; ~ tidur senang dlm reban, musang yg susah beredar keliling prb orang yg berperasaan dengki, tidak suka melihat orang lain senang; *bagai* ~ *dimakan tungau* prb dikatakan kpd orang yg kurus dan pucat kerana kena penyakit; *bagai* ~ *mabuk tahi* prb dikatakan kpd orang yg pucat lesi dan lemah kerana sakit; *bagai* ~ *mengarang (mengeram) telur* prb keelokan merah muka seseorang perempuan; *spt* ~, *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang* prb perihal orang miskin, tidak bekerja keras tidak dapat makan;

ayam-ayaman 1. ayam tiruan (utk permainan); **2.** ayam-ayam.

ayam II sj ikan; ~ *hutan* a) *Euxiphippops sextriatus*; b) *Pomacanthus annularis*; ~ *laut*, *Abalistes spp.*

ayam-ayam sj burung yg menyerupai ayam, ayam mei, *Gallierex cinerea*.

ayan I zink, timah sari.

ayan II sawan babi, (penyakit) gila babi.

ayang-ayang sj tumbuhan (pokok renek yg dibuat ubat), *Lasianthus longifolius*.

ayap sl makan atau minum (digunakan berkaitan dgn orang biasa), lwn santap (digunakan bagi raja);

ayapan makanan (diberi oleh raja kpd orang biasa);

keayapan kekenyangan setelah diberi makan (minum) oleh raja.

ayat 1. satu perkataan atau (lebih kerap lagi) serangkai perkataan yg merupakan kesatuan yg membawa sesuatu maksud, kalimat: *muka surat 97 ~ 5; terdapat beberapa perkataan yg sukar dlm ~ yg berkenaan; 2.* beberapa kalimat yg merupakan kesatuan maksud (dlm al-Quran dll): *~ al-Kursi surah ...; 3.* Id bahagian fasal undang-undang, artikel: *fasal 12 ~ 2.*

ayatollah Ar gelaran bagi pemimpin agama puak Syiah.

ayeng; ayeng-ayengan Jk pergi ke sana ke mari.

ayir ark ikan tongkol.

ayu I 1. cantik dan lemah lembut orangnya (bkn perempuan): *gadis ~; 2.* lemah lembut dan menarik (bkn gerak-geri dsb);

keayuan perihal (sifat dsb) ayu.

ayu II Jw ark kakak.

ayuh sr kata utk menyatakan marilah: *~, lekas pergi!*

ayuhai sr **1.** kata utk memanggil orang, wahai; **2.** kata utk menyatakan rasa duka.

ayuk bk; **mengayuk** bersetubuh; **ayut.**

ayum; mengayum ark membantu (orang yg berbuat jahat);

ayuman bantuan (wang dll) kpd orang yg berbuat jahat.

ayun gerak ke sana ke mari, goyang, buai;

ayun-temayun sl bergantung dan berbuai-buai; *matahari ~ matahari mulai turun (hari mulai petang);*

berayun, berayun-ayun berbuai(-buai), bergantung dan berbuai: *budak-budak ~ pd dahan-dahan pokok yg rendah itu;*

mengayun 1. berayun, berbuai(-buai): *dahan yg patah itu ~ pd dawai telefon;* **2.** turun (bkn matahari); *matahari sudah ~ sudah petang;* **3.** menggerakkan (tangan, senjata, dll) sewaktu hendak memukul, menggerakkan utk mengenakan (pukulan, senjata, dll); *~ tangan hendak memukul;*

mengayunkan menggerakkan: *~ tangan sewaktu menari; ~ langkah;*

terayun-ayun terbuai-buai: *seolah-olah kakinya ~ di udara;*

ayunan 1. buaian (permainan budak-budak, tempat menidurkan bayi); **2.** gerakan berbuai (buah jam), buaian jam; **3.** gerakan mengayun (tangan dll); **4.** penghumban, ali-ali.

ayunda Id kekanda (perempuan); **yunda.**

ayut ark; **mengayut** bk bersetubuh; → **ayuk.**

azab 1. hukuman, seksaan (yg dideritai), kesengsaraan, kesusahan (yg dideritai seseorang); **2.** susah sekali, sengsara: *kehidupan mereka sangat ~;*

mengazab menghukum (dgn seksaan), menyiksa: *orang yg durjana akan diazab di neraka;*

mengazabkan menimbulkan kesengsaraan (kesusahan yg amat sangat), menyengsarakan;

keazaban seksaan, kesengsaraan, kesusahan yg amat sangat: *~ yg dideritai oleh orang awam dlm masa peperangan.*

azal Ar kekal (kekekalan) pd masa yg lampau, tidak bermula.

azalea (azaléa) sj pokok renek drpd genus *Rhododendron* yg mempunyai bunga besar berwarna merah muda, ungu, kuning atau putih.

azali Ar sejak dahulukala, sejak permulaan zaman: *nasib tiap-tiap orang telah tertulis pd suratan ~; mereka menyangka bahawa alam ini wujud sejak ~ tanpa pencipta-Nya;*

keazalian keadaan atau perihal azali: *~ ilmu.*

azam I kemahuan (keinginan, cita-cita, dsb) yg sangat kuat, tujuan (yg sesungguhnya): *dgn melancarkan projek-projek ini, kerajaan telah menunjukkan ~nya hendak menambah penghasilan sawah;*

berazam mempunyai azam, bertujuan (dgn sesungguhnya), bercita-cita kuat (utk melakukan atau mencapai sesuatu): *kerajaan ~ hendak meneruskan rancangan pembangunan;*

mengazamkan mencita-citakan, mahukan (dgn sesungguhnya): *utk mencapai cita-cita yg diazamkan;*

keazaman kemahuan, keinginan yg sangat kuat: *Perdana Menteri mengulangi ~ kerajaan utk mempertahankan kedaulatan negara.*

azam II teramat mulia; *isimal* ~ nama yg teramat mulia (nama Allah).

azamat hebat, ramai (kuat, sangat) sekali: *terlalu ~ tempik sorak rakyat Pasai.*

azan panggilan utk bersembahyang, bang: *~ subuh bergema masuk ke seluruh kampung;*

mengazankan melaungkan azan (menyeru orang Islam mendirikan solat).

azazil Ar syaitan.

azim Ar besar, mulia.

azimat bahan yg terdiri drpd tulisan yg ditulis pd kertas, kain, keratan kayu tertentu, atau sisik tenggiling yg dipakai pd bahagian tertentu tubuh (spt di pinggang) yg dianggap mempunyai sakti dan boleh mengelakkan penyakit, bencana, dsb.

azimut (Fiz) arah mengufuk suatu titik di langit dr suatu titik di bumi (biasanya disukat mengikut arah jam dr 0° pd titik rujukan melalui 360°).

aziz Ar (yg) terhormat, (yg) termulia, (yg) sangat berharga.

Azzawajalla Ar Yang Maha Agung (Allah); *Tuhan* ~ Allah Yang Maha Agung.

b 1. huruf kedua abjad Rumi; **2.** kep bin: *Ali ~ Musa*.

B I kep Bersara; *Brig-Jen (~)* Brigedier-Jeneral (Bersara).

B II simbol kimia bagi boron.

ba I 1. huruf kedua abjad Arab (mempunyai nilai dua); **2.** huruf kedua abjad Jawi.

ba II tahun keenam drpd satu windu.

ba III KI anak pinang yg digunakan utk melekatkan tali pd hidung lembu (kerbau).

ba IV KI cukup, pada: *~lah beri wang kepadanya, aku telah beri sepuluh ringgit bulan ini*.

ba V sedikit sahaja: *mereka tidak begitu pandai membuat rumah, hanya ~ boleh*.

Ba simbol kimia bagi barium.

BA kep *Bachelor of Arts* (Sarjana Muda Sastera).

baada Ar ark sesudah; *~ isyak* sesudah sembahyang isyak.

bab 1. Ar pintu; *~ al-mandeb* pintu air mata; **2.** bahagian(-bahagian) dlm sesebuah buku yg selalunya diberi tajuk atau dinombori (spt I, II, III, dsb): *buku itu mengandungi sepuluh ~*; **3.** hal mengenai sesuatu, fasal: *~~ perkahwinan dan perceraian diserahkan kpd mahkamah syariah*.

baba I Jk bapa; **babe**.

Baba II 1. segolongan kaum Cina di Malaysia (yg kebanyakannya terdapat di Melaka) yg bertutur dlm bahasa Melayu dialek Baba sbg bahasa pertama, dan mengamalkan serba sedikit cara hidup orang Melayu: *berketurunan ~*; *~ Melaka*; **2.** orang lelaki yg berketurunan Baba: *~ dan Nyonya*.

babad Jw sejarah, tambo, riwayat: *~ Tanah Jawa*.

babah → **baba I**.

babai bp **1.** selamat jalan (diucapkan kpd orang yg berpergian); **2.** selamat tinggal (diucapkan oleh orang yg berpergian).

babak I 1. bahagian drpd suatu lakonan (sandiwara): *lakonan ini dimainkan dlm tiga ~*; **2.** adegan: *~ sedih*; **3.** = **babakan** bahagian tertentu drpd musyawarah (pertandingan dll); *~ pertama (dlm perlawanan bola sepak dll)* separuh masa pertama;

membabakkan membahagi-bahagikan sesuatu cerita (drama dsb) kpd beberapa babak, mengisahkan (mempersembahkan dsb) dlm bentuk babak: *peristiwa-peristiwa dlm novel itu dibabakkan; peristiwa inilah yg kita babakkan*;

pembabakan perihal (perbuatan dsb) membabakkan (kisah, peristiwa, dsb dlm drama dll): *apabila disebut konsep ~, dgn sendirinya juga minta dibincangkan konsep adegan dan drama.*

babak II; membabak menahan darah drpd mengalir keluar: *~ luka pd dahinya.*

babak III = babakan Jw kulit kayu (yg dikobak dr pokoknya).

babak IV; ~-belur meleceh (kaki dll).

babal Jk putik nangka, kebabal.

babang; terbabang terbuka luas (bkn mulut, luka, dll), ternganga.

babar; membabar membentang, mengembang;

membabarkan 1. membentangkan, mengembangkan (layar dll), menebarkan: *Pak Kaduk pun ~ layar perahunya*; **2.** memperkembangkan, meluaskan: *negara itu hendak ~ kekuasaannya ke negeri-negeri yg berjiran*; **3.** membentangkan, menjelaskan, memaparkan: *ia telah ~ pendapatnya kpd rakyat*;

terbabar 1. telah dibabarkan, terkembang, terbentang, tertebat: *layarnya ~*; **2.** berada dlm kumpulan yg banyak dlm satu kawasan yg luas: *sekawanan ikan kelihatan ~ luas di laut*; **3.** terpancar ke merata-rata: *cahaya perada itu ~ ke segenap penjuru bilik itu*;

pembabaran **1.** perbuatan membabarkan (mengembangkan, menebarkan), pengembangan, pembentangan, penebaran; **2.** perbuatan membabarkan (mengembangkan, meluaskan) pengembangan, peluasan; **3.** perbuatan membabarkan (membentangkan, memaparkan), pembentangan, pemaparan.

babas; membabaskan membawa, menghanyutkan, menyeret: *keinginan utk bebas kadang-kadang dapat ~ orang kpd keliaran;*

terbabas **1.** tidak sengaja menyimpang drpd jalan atau matlamat yg dituju (kerana tidak dapat mengawal kereta, perahu, dsb yg dipandu): *perahu itu ~ terlalu jauh ke barat; keretanya ~ ke tepi jalan dan melanggar tiang elektrik;* **2.** salah arah, menyimpang drpd atau tidak mengenai matlamat: *jangan lupa tikamanmu itu biarlah membunuh jangan ~;* **3.** ki menyimpang drpd kebiasaan (tujuan asal dsb): *dia perlu dibimbing supaya tidak ~ ke lembah kejahatan.*

babat I golongan, jenis, tara: *kalau bersahabat, cari sama ~;*

sebabat sama babat, setara, setaraf.

babat II; membabat menebas (pokok-pokok dll), memangkas (semak, belukar, dll): *semak-semak di pekarangan rumah saya perlu dibabat.*

babat III perut lembu (kerbau dll): *soto ~.*

babat IV Mn bebat.

babe (babé) Jk bapa; → **baba I.**

babi I **1.** sj binatang mamalia yg berbadan gemuk, berkaki pendek, berkulit tebal, dan bermuncung (diharamkan bagi orang Islam); **2.** bk kata makian yg digunakan kerana marah (tersangat benci akan seseorang, sesuatu, dsb); **3.** nama kartu (dlm permainan ceki);
~ *alu* tenuk; ~ *balar* babi putih; ~ *bodoh* = ~ *janggut* sj babi, *Sus barbatus*; ~ *duyung* sj binatang laut yg bentuk badannya

menyerupai babi; ~ *hutan* babi yg liar; ~ *laut* sj binatang laut yg berbulu-bulu; ~ *nangoi* sj babi hutan yg kecil; ~ *rantai* = ~ *tunggal* babi hutan yg tidak berkawan; ~ *rusa* sj babi hutan yg bertaring panjang, *Babyrousa babyrussa*; ~ *tanah* sj binatang kecil yg makan semut; *bagai ~ merasa gulai* prb dikatakan kpd orang yg hendak menyama-nyamai orang besar (kaya dll);

membabi; ~ *jalang* berzina, bermukah.

babi II; ~ *kurus* sj tumbuhan (pokok), beras-beras, kasir, kedondong matahari, kempas roman, pauh kijang, *Trigonochlamys griffithii*; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpai), getang-getang, ketumbi padang, tutup bumi paya, *Synedrella nodiflora*.

babi buta; **membabi buta** melakukan sesuatu dgn tidak berfikir lebih dahulu (mengamuk, merambang, dll): *musuh terus menyerbu dgn~*;

pembabibutaan perihal melakukan sesuatu tanpa berfikir panjang: *keperluan memenuhi sebarang kehendak yg dicita-citakan akan mendorong ~ tindakan*.

babil ark **1.** degil, tegar, keras kepala, kepala batu, pembantah, pelawan: ~ *sangat budak ini*; **2.** berani dan tabah: *perwira-perwira ~*;

berbabil bertengkar, berbantah;

kebabilan perihal (sifat, sikap) suka membantah, kedegilan, ketegaran: *peristiwa itu membakar seluruh ~ku*;

perbabilan perihal berbabil, pertengkaran, perbantahan.

babit; **membabitkan** melibatkan seseorang (negara dll) dlm sesuatu perkara: *apabila sesebuah negara Komanwel bertelingkah atau berperang, negara itu tidak akan ~ negara-negara Komanwel lain*;

terbabit terlibat, tersangkut (dlm sesuatu perkara), terseret: *apabila Britain berperang dgn Jerman, negara-negara lain pun ~ sama; ~ dlm persengketaan orang lain;*

keterbabit perihal terlibat (tersangkut, terseret) dlm sesuatu perkara: *kita mengenali mereka kerana jawatannya atau kerana ~nya dlm kegiatan di luar bidang tugas;*

pembabit perihal membabitkan: *dia merasakan ~nya dlm pertandingan badminton antarabangsa sudah mencukupi.*

babon Jw **1.** induk ayam, ayam betina; **2.** induk; **3.** ark naskhah asli.

babu Jw perempuan yg bekerja sbg pembantu rumah, orang gaji, amah; *~ cuci babu* yg kerjanya mencuci pakaian dll; *~ dalam* = *~ jongos* babu yg mengurus bilik; *~ tetek* babu yg menyusui anak;

memperbabu memperlakukan (menganggap) spt babu: *~ bini.*

babuk nyanyuk: *belum tua sudah ~.*

babun sj beruk besar yg terdapat di Afrika dan Asia, bermuncung spt anjing dan biasanya berekor pendek, *Papio spp.*

babut Jw permaidani.

baca; *ruang* ~ bilik tempat membaca;

membaca **1.** memerhatikan isi sesuatu yg tertulis atau tercetak dgn teliti dan memahami makna kandungannya: *~ akhbar (buku, novel, surat, dsb);* **2.** mengucapkan apa yg tertulis atau tercetak pd buku, papan tanda, dsb secara lisan (dgn kuat): *ia ~, adik-adiknya mendengar;* *~ khutbah* berkhutbah; *~ al-Quran* mengucapkan ayat-ayat suci al-Quran dgn kuat dan berlagu, mengaji al-Quran; **3.** memahami makna sesuatu (spt tanda, huruf, dsb) tidak dgn mata tetapi dgn jari-jari: *~ Braille;* **4.** melihat dan mencatatkan angka yg ditunjukkan pd meter (termometer dsb): *~ meter elektrik;* **5.** membuat kesimpulan tentang sifat (tujuan, kehendak, dsb) seseorang dgn melihat seseorang secara luaran sahaja: *drpd tutur*

katanya, saya dapat ~ hati budinya; ~ isi hati seseorang; bagaimana British ~ sikap orang Melayu sebelum Malayan Union? 6. mengucapkan baris-baris sajak dgn penuh perasaan di hadapan penonton, mendeklamasi: ~ sajak; 7. meneliti garis-garis pd tapak tangan utk meramalkan nasib seseorang: dia pandai ~ tapak tangan;

membacai 1. membaca berkali-kali, mempelajari; 2. Jw menyindir-nyindir;

membacakan membaca utk: *ia ~ anaknya cerita-cerita dongeng;*

terbaca membaca secara kebetulan, terjumpa sesuatu (berita dsb) lalu membacanya: *saya ada ~ tentang gejala yg serupa ini dlm alam bahasa Jepun;*

keterbacaan darjah betapa senang atau sukarnya memahami sesebuah teks;

bacaan 1. bahan utk dibaca: *di kapal itu, disediakan juga ~; ~ ringan* bahan bacaan yg kandungannya bukan tentang hal-hal (perkara-perkara) yg serius atau yg (agak) sukar difahami; 2. cara membaca: *~ al-Quran akan diadili oleh pengadil antarabangsa;* 3. hasil yg dibaca: *jika alat menyukat perjalanan minyak menunjukkan ~ yg rendah, enjin hendaklah dihentikan;* 4. yg digunakan utk membaca: *bilik ~; bahan ~;*

pembacaan 1. perbuatan (usaha, kegiatan, dsb) membaca (buku, akhbar, majalah, dsb): *Hikayat Panji Semirang yg diusahakan ini ialah hasil drpd ~ hikayat-hikayat tulisan tangan; ~ akhbar dlm waktu pejabat tidak dibenarkan; suatu tugas besar perpustakaan awam berusaha menggalakkan ~ yg lebih luas di kalangan orang ramai;* 2. perbuatan, perihal membaca (meter dsb): *~ meter dibuat setiap awal bulan;* 3. perbuatan membaca (mendeklamasi): *selain ceramah, akan diadakan pula ~ sajak;*

pembaca orang yg membaca: *majalah ini banyak mempunyai ~nya; ~ pruf* orang yg tugasnya membaca (meneliti) pruf dan membetulkan kesilapan yg didapati.

bacak I Jk lunak kerana banyak airnya (tanaman dll), basah.

bacak II Mn berbintik-bintik; *ayam ~ ayam* yg bulunya berbintik-bintik.

bacang embacang.

bacar 1. lancar (bercakap, biasanya dlm erti yg kurang baik), lancap; ~ *mulut* lancang berkata-kata (biadab) tanpa memikirkan akibatnya kpd orang yg mendengar, kesat bahasa; **2.** peramah: *isterinya itu ~ orangnya;*

kebacaran perihal bacar, kelancapan: *dia dibenci kerana ~nya.*

bacin (ber)bau busuk (spt bau ikan busuk dsb).

bacok Jk tetak, tikam: *sesudah kena ~, ia pun tersungkur;*

membacok menetak, menikam: ~ *orang dgn parang;*

bacokan tetakan, tikaman;

pembacokan perihal membacok, penetakan, penikaman.

bacuk bekas tempat menakung cecair (drpd buluh dll): *Pak Lebai pun sampailah ke ~ niranya.*

bacul tidak bersemangat (utk melawan, berlaga, dll), penakut, pengecut: *tidak berjiwa, lemah dan ~; ayam ~ ayam jantan* yg tidak mahu berlaga;

kebaculan sifat lemah semangat, sifat penakut: *baginda tersenyum mendengar ~ saudagar itu.*

bacut Jk, bk mulut.

bad (Parsi) ark angin; *bala ~* di atas angin; *zir~* di bawah angin.

bada I = ~ *pisang* pisang goreng.

bada II Mn; **terbada, terbada-bada;** *tidak ~* tidak terhingga (sangat, hebat): *tidak ~ banyaknya.*

badai III Kl; **berbadai** terlanggar (sesuatu) kerana terdampar (bkn perahu dll): *perahu itu ~ dgn batu karang.*

badai IV = ~ *seluang* sj ikan darat, seluang, *Rasbora heteromorpha.*

badai I 1. angin ribut (yg kuat dan tiba-tiba datangnya), taufan: *di tengah laut, kapal itu ditimpa ~*; **2.** keadaan perasaan (fikiran dsb) yg amat tidak tenteram, keributan, kekacauan: *~ di hatiku masih belum reda; dunia yg penuh ~*;

membadai 1. bertiup kencang (bkn angin ribut), bertiup spt badai: *angin ~ dan ombak pun sebesar-besar rumah tingginya*; **2.** spt badai, amat sangat: *sedu-sedan mereka masih ~ juga*; **3.** ki menyebabkan perasaan (fikiran dsb) menjadi amat tidak tenteram: *duka ~ jiwanya.*

badai II 1. membuat sesuatu tanpa izin; **2.** asal sahaja, hentam kromo, sapu semua; *mereka ini ~ semua saja* mereka ini sapu semua sahaja.

badai III; terbadai tersadai.

badai IV; adai-~; → **adai.**

badak I sj binatang mamalia dlm famili Rhinocerotidae, yg berkulit tebal dan bersumbu;

~ air sj binatang mamalia yg besar dlm famili Hippopotamidae, *Hippopotamus amphibius*; *~ air kerdil, Choeropsis liberiensis*; *~ gajah = ~ raya = ~ sumbu* sj badak, *Rhinoceros sondaicus*; *~ kerbau = ~ berendam = ~ sumatera* badak yg bersumbu dua, *Dicerorhinus sumatrensis*; *~ tampung = ~ murai* tenuk, cipan, *Tapirus indicus* ;

~ makan anak prb membuang anak sendiri; *anak ~ dihambat-hambat* prb dgn sengaja mencari bahaya; *sayang anak ~ tampung, cucu konon ~ raya* prb hairan, seseorang yg bukan bangsawan tetapi mengaku dirinya kerabat raja.

badak II; *kuih* ~ = *cucur* ~ sj kuih gorengan yg kulitnya dibuat drpd campuran tepung gandum dan ubi keledak dan intinya drpd campuran kelapa parut dan bahan-bahan lain (spt cili, udang, dll).

badal Jw **1.** wakil (bagi orang naik haji dll); **2.** ejen (perusahaan dll).

badam I = *buah* ~ sj tumbuhan (buahnya berbentuk bujur), *Prunus spp.*.

badam II = *bunga* ~ merah-merah pd kulit (tanda penyakit kusta).

badaman (Sumatera) ark bungkus kain.

badan 1. tubuh, jasad (manusia): *pakaian yg dibawanya hanya yg lekat di ~nya*; **2.** pokok tubuh (selain anggota dan kepala): *~nya gemuk tetapi kakinya kurus*; *susuk* ~ keadaan bentuk badan dr segi fizikal, susuk tubuh; *tidak sedap* ~ tidak (berapa) sihat; *~ tengah naik* badan sedang membesar; **3.** bahagian yg (ter)utama drpd sesuatu: *~ baju*; *~ kereta*; **4.** diri (sendiri); *~ malang* diri orang yg malang; **5.** kumpulan orang yg merupakan suatu kesatuan utk mengerjakan sesuatu: *~ penasihat*; *~ amanah*; **6.** bahagian utama (penting) ucapan (buku, dokumen, dsb) dan tidak termasuk pendahuluan (penutup, lampiran, dsb), isi; **7.** agensi, pertubuhan: *FELDA ialah sebuah ~ kerajaan*; *~ berkanun*; *~ amanah* badan utk menyelenggarakan harta dll bagi faedah seseorang atau sesuatu golongan; *~ berkanun* agensi kerajaan yg ditubuhkan utk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu; *~ kehakiman* badan yg diberi kuasa utk mentafsirkan undang-undang; *~ boleh dimiliki, tetapi hatinya tidak* prb walaupun menjadi atau bersifat spt hamba atau orang lemah terhadap orang yg berkuasa, namun hatinya tidak begitu; *hancur ~ dikandung tanah, budi baik terkenang juga* prb budi bahasa yg tidak akan dilupakan orang; *rosak ~ kerana penyakit, rosak bangsa kerana laku* prb kerana penyakit, rupa kita boleh menjadi buruk dan kerana kelakuan jahat, nama baik bangsa atau suku itu boleh tercemar;

berbadan mempunyai badan: *gadis itu ~ langsing; ~ dua hamil;*
memperbadankan menjadikan perbadanan, menubuhkan
(sesuatu) sbg perbadanan;

perbadanan agensi yg ditubuhkan oleh kerajaan utk menjalankan
(melaksanakan) fungsi yg tertentu: *~~~ yg bebas spt Lembaga
Lektrik Negara dan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang; P~
Kewangan Antarabangsa; P~ Kemajuan Ekonomi Negeri; P~
Perfileman Nasional;*

pemerbadanan penubuhan sbg perbadanan.

badang nyiru yg besar (yg digunakan utk menjemur bahan-bahan
makanan supaya tahan lebih lama, utk membawa barang, dll); ~
jarang Kl a) pandai mengajar tetapi tidak pandai membuat; b)
mulut yg tidak dapat menyimpan rahsia.

badani, badaniah Ar bkn badan, jasmani: *perubahan-perubahan di
lapangan ~ dan rohani; nafsu-nafsu syahwat ~; perhubungan ~
persetubuhan.*

badar I sj ikan kecil (spt ikan bilis);

beroleh ~ tertimbakan prb mendapat keuntungan yg tidak
disangka-sangka; *melonjak ~, melonjak gerundang* prb meniru-
niru orang yg besar (kaya, mulia).

badar II → bada I.

badar III Ar (bulan) purnama (dipakai utk menggambarkan kecantikan).

badar IV; ~ *sila = raja* ~ sl sj kain putih yg halus.

badar V; *batu* ~ sj batu hablur utk permata cincin (batu dr Badar, tempat
Nabi Muhammad s.a.w beroleh kemenangan).

badari, badau sj ikan yg memakan anaknya; *bapak* ~ Id pemimpin yg
memakai nama pengikutnya utk mendapatkan keuntungan.

badi 1. kesan buruk yg dialami oleh seseorang spt sakit (demam dsb)
kerana mendekati bangkai binatang atau orang yg mati terbunuh

(mengikuti kepercayaan masyarakat Melayu): *terkena ~ kerbau*; **2.** kelakuan luar biasa yg didapati pd masa dilahirkan (biasanya menyerupai sesuatu jenis binatang spt kera, anjing, dsb, mengikuti kepercayaan masyarakat Melayu), kenan: *budak itu mempunyai ~ kera*;

berbadi 1. mempunyai kelakuan yg serupa dgn, menyerupai: *budak itu ~ seekor kera*; **2.** suka berlumba-lumba: *tanamkan semangat ~ di jiwa kita utk kemajuan*.

badik I sj pisau kecil yg digunakan sbg senjata.

badik II Pl; ~ *jagung* putik jagung.

badik III; mabadik Pl menyepak bola dr belakang.

badminton sj permainan yg dimainkan dgn raket dan bulu tangkis yg dipukul mengatasi jaring tinggi, dan melibatkan dua atau empat pemain.

baduk (ukuran badan) tidak spt biasa, boyak.

badung I sl → **caping I**.

badung II → **bendung**.

badut I pelawak dlm sarkas (wayang dsb) yg berpakaian (bermekap dan berkelakuan yg sungguh melucukan), alan-alan;

membadut berlaku spt badut, menjadi badut (dlm sarkas, wayang, dsb);

membadut-badutkan membuat lebih lucu (lawak) spt badut: *Pak Tua ~ diri dan melebih-lebihkan kesakitan yg dialaminya*.

badut II sj ikan laut, inggu, *Amphiprion spp*.

Badwi 1. bangsa pengembara di tanah Arab; **2.** segolongan penduduk di bahagian selatan Banten (Jawa Barat).

bafta, baftah sl kain belacu yg halus.

bagai 1. jenis, macam: *beberapa ~ ukiran yg dibuatnya*; **2.** banding, sama, persamaan: *kecantikan anak gadis itu tidak ada ~nya*; **3.** =

bagaikan serupa jika dibandingkan dgn sesuatu, seperti, semacam, umpama: ~ *keras mendapat bunga; hatinya ~ dihiris-hiris;*

sebagai 1. untuk, bagi: *beliau memberi fatwa ini ~ menjawab pertanyaan;* 2. jadi, menjadi, selaku: *mengangkatnya ~ pengerusi;* 3. bertindak spt, selaku: ~ *negara sahabat, kita mengharapkan bantuan drpd mereka;*

~ *lagi* = ~ *pula* demikian pula, lebih-lebih lagi: ~ *pula raja tidak mengetahui kezaliman hulubalangnya;* ~nya a) lain-lain serupa (semacam) itu: *buah nanas, buah mangga, dan ~nya;* b) sepatutnya: *diperlakukan dgn ~nya;*

persebagaian Kl perumpamaan;

berbagai berbanding, bersamaan: *Raja Kida Hindi ada beranak seorang perempuan yg amat baik parasnya, tiada ada ~ pd masa itu;*

berbagai-bagai, bagai-bagai bermacam-macam, berjenis-jenis, beberapa (negara dll) yg berlainan: *ia berbuat ~ ikhtiar supaya terpelihara drpd musuhnya;*

membagaikan Mn = **memperbagai-bagaikan** memperolok-olokkan;

pelbagai, perbagai, perbagai-bagai berbagai-bagai, beberapa jenis: *tarian Timur lebih ditekankan kpd perasaan sedangkan tarian Barat berpusat pd mutu dinamik ~ tarian itu;*

mempelbagaikan, memperbagaikan menjadikan berlain-lainan jenis, menjadikan berbagai-bagai jenis: *selama beberapa tahun kebelakangan, kerajaan secara sistematik ~ pengeluaran bahan-bahan eksport; ini satu langkah utk ~ ekonomi negara supaya tidak hanya bergantung semata-mata pd pertanian;*

kepelbagaian perihal berbagai-bagai jenis: ~ *usaha dan kegiatan ekonomi Malaysia; sesungguhnya jumlah dan ~ dialek Melayu sangat mengagumkan;*

pempelbagaian perbuatan mempelbagaikan sesuatu (usaha dll): ~ *keluaran.*

bagaimana **1.** kata tanya (menanyakan hal), betapa: ~ *keadaan budak yg sakit itu sekarang?* **2.** dgn cara apa, dgn jalan apa: *parlimen menjaga dan mengawal ~ wang orang ramai dipungut dan dibelanjakan; ~ juga bagaimanapun;*

sebagaimana seperti (yg dikehendaki dll), sama (halnya) dgn, seperti mana: *sekolah itu dapat memberi pendidikan ~ yg dikehendaki;*

bagaimanapun biar apa pun yg terjadi;

dibagaimanakan dipengapakan.

bagak I **1.** bangga, besar hati; **2.** Mn berani.

bagak II Pr tidak cukup akal.

bagal I ark **1.** terlampau besar (kuat); **2.** kasar.

bagal II ark tangkai mayang (nyiur).

bagan I **1.** tiang-tiang rumah yg baru didirikan, tiang-tiang dan kayu-kayu palang tempat menjemur ikan; **2.** (gambar) lakar; *peta ~ Id peta lakar;* **3.** (gambar) rancangan: *oleh sebab ketiadaan ~ waktu itu, kita menjadi tidak jelas, kabur tentang hari depan, dr segi politik; ~ pengajaran bahasa rancangan pengajaran bahasa;* **4.** pangkalan: *balak ditarik ke panglong, ke ~ atau ke kilang;*

berbagan **1.** mempunyai bagan; **2.** berpangkalan: *mereka selamat sampai ke pantai tempat nelayan Cina ~.*

bagan II; *akar ~ sj tumbuhan (pokok), mempelasari (hari), (m)empelas hari, pelasari, Alyxis lucida.*

bagang 1. sj ikan laut, *Chelmon rostratus*; **2.** sj ikan laut, *Heniochus acuminatus*; **3.** sj ikan laut, *Chaetodon ocellatus*; **4.** sj ikan laut, *Coradian chryzonus*.

bagar I → **begar**.

bagar II Mn; ~ *kambing* = *gulai* ~ sj gulai daging yg tidak menggunakan santan tetapi air sahaja;

membagar membakar, memasak.

bagas 1. (bkn angin) kencang, kuat: *angin paksa sedang kencang* ~ ; **2.** (bkn badan) tegap, kuat;

kebagasan keadaan tegap (dan) kuat, ketegapan: *baju menunggangnya yg mirip baju wanita itu tidak dapat menyembunyikan ~ badannya*.

bagasi 1. barang-barang muatan (kereta api dll); **2.** gerabak barang (kereta api); **3.** tempat barang pd basikal (motokar dll); **4.** beg pakaian dll yg dibawa dlm sesuatu perjalanan.

bagat I; berbagat berbintik-bintik hitam di badan.

bagat II; *ikan* ~ = ~ *mamong* sj ikan laut, cupak, *Caranx sexfasciatus*.

bagau; *rumpun* ~ sj tumbuhan (herba), jerangau padang, *Xyris indica*.

baghal Ar binatang hasil drpd pengawanan antara kuda betina dgn keldai jantan.

baghi Ar orang yg zalim, penderhaka.

bagi 1. a) untuk, buat, guna: *buku ini sebenarnya ~ adikmu*; b) untuk (drpd pihak): ~ *kami, itu yg sesenang-senang*; c) untuk, sebagai: *ia menerangkan ini ~ menjawab desakan-desakan pihak pembangkang*; ~ *kali pertama, Amerika Syarikat telah melancarkan kapal angkasa*; **2.** = **bahagi** penggal atau belahan drpd sesuatu benda;

membagi bp **1.** memberi izin: *tidak dibaginya saya balik ke kampung*; **2.** membelahkan (memecahkan menjadi beberapa bahagian);

membagikan, membagi-bagikan memberi, mengagih-agihkan;

terbagi dibagi; *habis* ~ Id (bilangan) yg apabila dibagi tidak ada sisanya;

bagian bp hasil membagi;

kebagian Jk **1.** mendapat bahagian; **2.** bp bagai, seperti; → **bahagi.**

bagih Kl penghalauan hantu dr badan orang sakit (spt dlm permainan puteri);

berbagih berubat menghalau hantu dr badan orang yg sakit: *tradisi lama spt berpuar, ~, dsb mempunyai unit tersendiri.*

baginda kata ganti diri ketiga bagi raja, khalifah, atau rasul.

bagis Sr upacara berubat atau menyembuhkan penyakit secara berjin: *apabila ditimpa penyakit yg teruk, dilakukan ~ atau berubat cara berjin.*

bagor Jw anyaman kasar drpd daun rumbia.

baguh sj ikan laut, *Puntius lateristriga.*

baguk I sj ikan laut, mayung, *Arius spp.*; ~ *hitam*, sj ikan laut, pulutan, *Arius spp.*

baguk II Pr bagur.

bagul Id ark; **membagul** menggendong, mendukung.

bagung I besar lagi berat: *parang* ~.

bagung II (Sunda) ark babi hutan.

bagup → **bakup.**

bagur (bkn manusia, binatang) lekas menjadi besar (gemuk) dan tinggi, luar biasa besar dan tingginya.

bagus 1. berkeadaan atau bersifat baik lagi memuaskan hati, sangat baik: *barang itu masih ~ walaupun telah lama disimpan*; 2. sangat cantik: *parasnya yg ~ menawan hati putera raja itu*; 3. digunakan sbg kata pujian: ~, *awak telah menjalankan pekerjaan itu dgn baik sekali*;

membaguskan membuat jadi bagus;

memperbagus membuat supaya lebih bagus: *hendaklah dia ~ hatinya*;

kebagusan perihal bagus.

bah I = *air* ~ banjir, air besar; *musim* ~ musim banjir; *salangkan* ~ *kapar tak hanyut*, *inikan (kononlah) pula kemarau panjang* prb a) kalau semasa muda sudah malas, mustahil menjadi rajin kalau sudah tua; b) pd masa ada pencarian tidak boleh menjadi kaya, apatah lagi dlm masa tiada pekerjaan.

bah II kep babah.

bah III Kl bawah.

bah IV kep bahasa.

bahadi → **badi**.

bahadur sl 1. pahlawan, kesateria; 2. gagah berani.

bahaduri sl berani, gagah perkasa; *bintang* ~ pingat tanda keberanian.

bahagi belahan drpd sesuatu benda: *benda itu dikerat menjadi empat ~; dua* ~ sl dua pertiga; *tiga* ~ sl tiga perempat;

membahagi 1. membelah (memecahkan, memisahkan) menjadi beberapa bahagian (yg sama): *keuntungan itu dibahagi dua*; 2. memecahkan dan memberikan kpd: *hasil kutipan itu dibahagi rata kpd rumah-rumah anak yatim piatu*; 3. memecahkan sesuatu bilangan (jumlah, angka) dgn sesuatu bilangan atau angka lain: *lapan dibahagi empat*; ~ *konkrit* mencari beberapa kali sesuatu angka yg terdapat di dlm angka lain;

membahagikan 1. = **membahagi** membelah (memecahkan, memisahkan) menjadi beberapa bahagian: *Banjaran Besar Tanah Melayu bukan sahaja ~ Tanah Melayu kpd dua bahagian tetapi juga kpd dua iklim; sastera Melayu dapat dibahagikan kpd sastera lama dan sastera moden; 2.* menjadikan terpisah, memisahkan: *Selat Melaka ~ Semenanjung Malaysia dgn Sumatera; 3.* memberikan;

membahagi-bahagikan 1. membahagi dan memberikan kpd beberapa orang yg lain, mengagih-agihkan: *~ barang rampasan; 2.* memberikan sesuatu (spt surat edaran , risalah, dsb) kpd setiap orang yg ada di sesuatu kawasan: *~ risalah;*

terbahagi dibahagi, dibahagikan;

bahagian 1. hasil drpd membahagi: *dibahagikan kpd tiga ~; 2.* penggal (buku, cerita, dll): *~ terakhir buku itu tidak menarik; 3.* hak atas barang yg dibahagi, habuan: *~ saya belum saya terima lagi; 4.* sesuatu (benda, alat, dll) yg menyempurnakan barang yg lain: *~ tubuh; 5.* unit dlm sesuatu jabatan (syarikat dll) yg menjalankan fungsi tertentu: *~ kewangan; 6.* untung nasib: *setiap hamba mempunyai ~nya masing-masing;*

sebahagian setengah, segolongan;

pembahagian perihal membahagi(kan): *dlm ~ itu Si Tenggang tidak ketinggalan drpd mendapat habuannya;*

pembahagi 1. yg membahagi(kan); **2.** (Mat) bilangan yg dipakai utk membahagi; *~ dua (Mat) garis yg membahagi dua sesuatu sudut; ~ persekutuan terbesar* Id bilangan terbesar yg dapat membahagi beberapa bilangan lain.

bahagia 1. suasana senang dan aman, aman damai serta gembira: *maka hiduplah mereka berdua dgn aman ~; 2. = **berbahagia** beruntung: *moga-moga ~lah engkau kelak;**

membahagiakan membuat bahagia, mendatangkan bahagia: *tidak sanggup ia ~ suaminya;*

kebahagiaan perasaan bahagia, kesenangan hidup, kemujuran, keberuntungan: *membanting tulang kerana hendak memberi ~ kpd isterinya.*

Bahai kepercayaan agama yg diasaskan pd tahun 1863 oleh Baha'ullah, yg menekankan nilai semua agama dan perpaduan umat manusia.

bahak I; terbahak-bahak tertawa dgn kuat dan tidak tertahan-tahan (kerana terlalu geli hati), tertawa gelak-gelak: *mendengar jawabanku, Hasni ketawa ~.*

bahak II Jw helang laut.

bahala bencana, kemalangan; → **bala II.**

bahalan Id ark bengkak bernanah pd celah kangkang.

baham I; membaham 1. makan dgn gelojoh: *harimau itu ~ kambing yg menjadi mangsanya;* **2.** melakukan kekerasan sesuka hati ke atas seseorang (spt memukul, menyeksa, dsb), membahan: *dia ~ pencuri itu dgn sebatang kayu;* **3.** memamah (makan) makanan dgn mulut tertutup; ~ *tanah* a) memakan tanah; b) bk mati, mampus.

baham II Jk geraham.

bahan 1. serpihan kayu (ketika ditarah), tatal kayu; *besar kayu besar ~nya* prb banyak pendapatan, banyak pula perbelanjaan; **2.** sesuatu atau beberapa benda (barang dsb) yg digunakan utk menghasilkan sesuatu atau utk sesuatu tujuan: *emak sedang membeli ~ pembuat kuih;* ~ *rujukan* terbitan yg dijadikan rujukan (utk pembelajaran, pengkajian, dll); **3.** hal-hal yg akan dibincangkan (diajarkan, disampaikan dlm ucapan, dll): *ia sedang mencari ~-~ utk bercakap dgn lawannya;* **4.** barang-barang yg akan menjadi bukti

(keterangan, alasan, dll); **5.** benda (alat): *Maimun belajar menggunakan ~ ~ perhiasan;*

~ *aktif permukaan* (Kim) sj bahan dlm serbuk pencuci yg menyebabkan pembentukan buih; ~ *api* bahan (spt kayu, arang batu, minyak, dsb) yg digunakan utk menghasilkan haba atau tenaga; ~ *api fosil* bahan api drpd sumber semula jadi (spt arang batu, minyak, dan gas asli) yg terhasil drpd penguraian sisa-sisa haiwan dan tumbuhan berjuta-juta tahun dahulu; ~ *asli* bahan-bahan yg terdapat dlm alam semula jadi (spt bahan galian, air, dll); ~ *bakar* benda yg dipakai utk membakar (dlm enjin dll); ~ *baku* Id benda yg terutama dipakai dlm industri; ~ *galian* benda yg diambil dr dlm tanah; ~ *kasar* benda yg masih kotor (belum dibersihkan); ~ *makanan* barang-barang utk makanan; ~ *mengakar* benda tempat tumbuhan dapat berakar; ~ *mentah* barang-barang (spt hasil tanaman, galian, dsb) yg digunakan dlm perusahaan dsb utk menghasilkan barang lain; ~ *pakaian* kain utk dibuat pakaian; ~ *peledak (peletus)* benda-benda yg dapat diledakkan (mesiu dll); ~ *penyubur* benda yg boleh menyuburkan tumbuhan; ~ *perantara* (Kim) sebatian organik yg terbentuk di antara bahan mula dgn hasil akhir dlm tindak balas sintesis kimia; ~ *petrokimia* sebatian organik yg diperoleh drpd petroleum atau gas asli; ~ *rumah* barang-barang pembuat rumah; ~ *sel penapis* (Bio) benda-benda yg membentuk sel penapis; ~ *tambah* (Kim) sesuatu bahan yg dicampurkan ke dlm bahan utama, lazimnya dlm kepekatan yg rendah utk tujuan tertentu; ~ *uji* (Kim) bahan yg digunakan dlm analisis kimia utk menghasilkan tindak balas dlm makmal, reagen;

membahan **1.** menarah, membelah, merimbas (kayu); **2.** menghentam, memukul: *ia hendak ~ adiknya;*

perbahanan kumpulan berbagai-bagai bahan atau data utk kajian (penyelidikan dsb): *penyelidik itu sedang mengumpulkan ~ utk kajiannya.*

bahana I **1.** bunyi kuat: ~ *meriam berdentum*; **2.** dengung, deru, gema: ~ *anak panah*; **3.** bising, suara riuh rendah: ~ *tentera berjalan*; **4.** sl kata, suara; *menteri yg muda menghambur ~*;

membahana **1.** menjadi bergema, bergaung, dll kerana sesuatu bunyi; **2.** ki menjadi jelas, terang, menjadi nyata: *masalah ini terus ~ melalui risalah-risalah teologi*;

membahanakan menyebabkan menjadi bahana.

bahana II sl **1.** berbeza; **2.** luar biasa, amat (elok, besar, dll): *paras adinda terlalu ~, lemah lembut sedang perdana*; → **behena**.

bahana III **1.** kerana, sebab: *tubuh Si Tenggang kurus dan lemah oleh ~ kerap dilawati penyakit*; **2.** sesuatu yg timbul disebabkan drpd sesuatu kejadian (perbuatan, tindakan, keadaan, dsb), terutamanya yg kurang baik atau yg buruk, kesan, akibat: *engkau tunggulah ~ perbuatan jahatmu itu; kuncupan aktiviti ekonomi negara yg berterusan akan menimbulkan pelbagai ~, spt meningkatnya pengangguran dan merebaknya masalah hutang lapuk.*

bahang I hawa panas, kehangatan (yg terbit drpd api, panas tubuh, dll): *tidak tertahan ~ api*;

berbahang menjadi panas (hangat): *kabus tebal sudah nipis dan beransur-ansur lesap kerana hawa sang suria telah mula ~*;

membahang **1.** menerbitkan kepanasan, (menjadi) sangat panas: *debu di jalan berterbangan apabila dihembus angin yg bertiup ~ bara*; **2.** ki memerahkan (muka) kerana panas: *marahnya ~ muka*;

membahangi mengenakan (menimpakan) hawa panas pd, membawa bahang pd: *cahaya matahari boleh masuk tetapi tidak ~ ruang di dlm rumah.*

bahang II Pr bahagian, hak, kepunyaan.

bahantara (Komp) bahan spt pita, cakera, kertas, dll tempat data disimpan.

bahar I sl laut, sungai besar, danau besar; *amir al* ~ raja laut (laksamana); *akar* ~ sj karang, *Antipathes abies*.

bahar II ark → **bahara**.

bahara sl timbangan berat (beratnya berlainan dan bergantung pd barang yg ditimbang): *diperbuatnya sepohon kayu mas dan buahnya drpd permata, kira-kira se~ mas harganya*.

bahari I sl **1.** kuno, dahulukala; *zaman* ~ zaman dahulukala; **2.** bertuah (keris): *keris* ~.

bahari II sl indah, elok, molek: *puteri* yg ~.

bahari III ark bkn laut.

baharu baru;

membaharui 1. membaiki (melakukan sesuatu, mengubah, dll) supaya sesuatu itu menjadi baharu: *jalan itu sudah dibaharui*; **2.** mengulangi lagi: *dia tidak ~ pertanyaannya*; **3.** memulakan sesuatu semula: *rakyat membuka kampung utk ~ hidup masing-masing*; **4.** menggantikan atau menukarkan (sesuatu) dgn yg baru atau yg mempunyai tempoh kuat kuasa dsb yg baru: *pokok ini tidak payah ~ daunnya*; ~ *lesen memandu*;

memperbaharu menjadikan sesuatu lebih baharu;

kebaharuan sifat-sifat baru, anasir-anasir baru: *satu contoh ~nya ialah bahawa ia ada memuatkan petikan-petikan drpd karangan-karangan bahasa Melayu-Indonesia*;

pembaharuan perihal (perbuatan dll) membaharui: *mereka ini hendak membawa satu ~ dlm agama Islam*; *mereka hanya cenderung kpd isi sehingga yg dimaksudkan oleh mereka sbg ~ ialah ~ isi belaka*;

pembaharu orang yg membawa pembaharuan: *A. Latiff Mohidin merupakan ~ dlm perpuisian Melayu.*

baharu-baharu sj ikan laut, *Drepane punctata.*

baharullah Ar laut (Allah): *tempuhlah lautan ~ yg luas itu; → bahar I.*

bahas penyelidikan, pengupasan, perbincangan; *ilmu ~ pengetahuan tentang mencari kebenaran (cara berfikir yg benar) dgn jalan bertukar fikiran;*

berbahas, berbahas-bahasan berbincang dgn seseorang atau pihak yg lain mengenai sesuatu perkara dgn mengemukakan hujah masing-masing (sama ada menyokong atau menentang), berdebat: *mereka ~ mengenai kesalahan bahasa;*

membahaskan 1. membincangkan sesuatu dgn mengemukakan hujah masing-masing (sama ada menyokong atau menentang), mendebatkan, memperdebatkan: *persidangan utk memilih usul-usul yg akan dibawa dlm sidang agung utk dibahaskan; 2.* mengupas, mengkritik, membantah: *kenyataan ini tidak dapat dibahaskan lagi;*

bahasan 1. kritik, penyelidikan; **2. = perbahasan;**

perbahasan 1. perihal berbahas atau membahaskan, perdebatan: *dlm ~ itu, acap kali dikemukakan pendapat yg bukan-bukan; ~ mengenai rang undang-undang; 2.* peraduan berbahas antara dua pasukan (biasanya terdiri drpd tiga orang) yg membahaskan sesuatu tajuk (secara formal): *~ peringkat akhir antara Sekolah Alam Shah dan Kolej Tunku Kursiah akan disiarkan secara langsung melalui televisyen;*

pembahasan perihal membahaskan;

pembahas orang yg membahaskan (sesuatu perkara), orang yg mengambil bahagian dlm (peraduan) perbahasan: *~, baik*

pencadang mahupun pembangkang, terdiri drpd dua orang Melayu dan dua orang bukan Melayu.

bahasa I 1. sistem lambang bunyi suara yg dipakai sbg alat perhubungan dlm lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dgn individu yg lain dsb): ~ *Melayu*; ~ *Tagalog*; **2.** percakapan yg baik, tingkah laku yg baik, sopan santun; *kurang* ~ kurang sopan; *tidak tahu* ~ tidak sopan santun;

~ *alamiah* = ~ *tabii* bahasa yg digunakan oleh manusia dlm keadaan semula jadi; ~ *asing* bahasa selain bahasa ibunda, yg biasanya dipelajari secara formal atau sebaliknya; ~ *badan* = ~ *gerak-geri* = ~ *tubuh* cara berkomunikasi melalui gaya duduk, berjalan, berdiri, mimik muka dsb, bukan melalui pertuturan; ~ *baku* bahasa yg teratur dan mantap pelbagai aspeknya (spt ejaan, bentuk kata, tatabahasa, dll) dan diterima oleh masyarakat sbg norma penggunaan yg betul atau sah, bahasa standard; ~ *basahan* = ~ *hari-hari* bahasa yg digunakan dlm percakapan sehari-hari; ~ *besar* bahasa yg sangat besar bilangan penggunanya di dunia, bahasa yg tergolong antara bahasa-bahasa utama di dunia; ~ *buatan a)* = ~ *rekaan* bahasa yg menggunakan peraturan dan gaya yg direka bentuk khusus oleh manusia utk kegunaan tertentu (spt dlm komputer); b) = ~ *dunia*; ~ *dagang* bahasa perdagangan; ~ *bumiputera* bahasa peribumi; ~ *daerah* loghat daerah; ~ *dalam* bahasa kehormatan (bahasa yg dipakai di istana); ~ *dunia a)* bahasa yg dipakai oleh jumlah orang yg amat besar bilangannya di merata dunia (spt bahasa Inggeris); b) = ~ *buatan* bahasa rekaan yg disyorkan dipakai di seluruh dunia (spt bahasa Esperanto); ~ *halus* bahasa atau perkataan lain yg lebih lembut yg digunakan utk menggantikan perkataan yg dirasakan kasar atau menyentuh perasaan orang lain (mis *meninggal dunia* utk

menggantikan perkataan *mati* dsb); ~ *hidup* bahasa yg masih digunakan (secara aktif) oleh sesuatu masyarakat; ~ *ibu (ibunda)* bahasa sendiri yg dipakai sejak kecil; ~ *ilmu* bahasa yg mampu menjadi perantara bagi penyampaian ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat tinggi; ~ *isyarat* cara berkomunikasi yg tidak menggunakan ucapan atau tulisan (sebagaimana yg lazim dlm sesuatu bahasa) tetapi menggunakan gerak isyarat anggota; ~ (*kacuk-*)*kacukan* = ~ *pasar* a) bahasa Melayu spt yg dituturkan oleh orang bukan Melayu yg tidak menguasainya atau spt yg dituturkan oleh orang Melayu apabila bertutur dgn orang bukan Melayu yg diketahuinya tidak pandai bertutur dlm bahasa Melayu yg betul; b) bahasa yg berupa campur aduk antara bahasa ibunda penutur dgn bahasa kedua yg cuba dituturkannya (biasanya digunakan dlm hubungan perdagangan), *pijin*; ~ *kasar* bahasa yg tidak sopan atau tidak manis dituturkan (digunakan); ~ *kebangsaan* bahasa yg diterima dan digunakan ramai oleh penduduk dlm sesebuah negara yg mempunyai beberapa bahasa atau loghat yg lain; ~ *kedua* bahasa yg (sering) digunakan selain bahasa ibunda, bahasa asing yg diketahui atau dapat digunakan oleh seseorang; ~ *kesat* bahasa kasar yg digunakan utk percakapan atau tulisan yg menyakitkan hati orang lain apabila mendengar atau membacanya; ~ *kiasan* perkataan atau ungkapan yg digunakan dlm makna yg berlainan drpd makna sebenar atau makna biasa perkataan itu; ~ *komputer* = ~ *pengaturcaraan* bahasa buatan utk mengarang atur cara komputer; ~ *lisan* bahasa spt yg digunakan sewaktu bercakap; ~ *mati* bahasa yg tidak digunakan lagi (secara aktif) dlm masyarakat; ~ *Melayu kuno* bahasa Melayu yg digunakan pd zaman dahulu; ~ *moden* bahasa yg masih hidup dan berkembang serta digunakan sehingga hari ini, mis bahasa

Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris; ~ *nadaan* bahasa yg pola nadanya membentuk sebahagian drpd struktur kata dan bukannya struktur ayat dan bersifat pembeza makna contohnya bahasa Cina dan bahasa Thai; ~ *Oceania* bahasa yg dituturkan di Australia dan di pulau-pulau Lautan Pasifik; ~ *penghantar (pengantar)* bahasa yg digunakan sbg alat perhubungan atau komunikasi dlm pengajaran (di sekolah) atau dlm perundingan (mesyuarat dsb); ~ *penyatu* bahasa persatuan; ~ *peraga* bahasa utama yg saling melengkapi bahasa kedua (spt bahasa Melayu dgn bahasa Inggeris); ~ *perantaraan* bahasa yg digunakan dlm perhubungan (percakapan dll) antara orang-orang yg berlainan bahasa ibunda masing-masing (mis kerana berlainan bangsa); ~ *percakapan* bahasa hari-hari; ~ *perdagangan* bahasa yg digunakan dlm dunia perdagangan; ~ *peribumi* bahasa yg dituturkan oleh penduduk asli sesuatu kawasan dan berkembang dlm komuniti berkenaan, mis bahasa Iban; ~ *persatuan* bahasa yg berperanan penting menyatukan masyarakat, terutamanya dlm masyarakat yg berbilang kaum, budaya, agama dsb; ~ *persuratan* bahasa yg digunakan dlm penulisan dan karya kesusasteraan; ~ *rasmi* bahasa pentadbiran kerajaan; ~ *rojak* bp bahasa yg bercampur aduk kata-kata yg digunakan oleh penuturnya (mis seketika perkataan Melayu dan seketika perkataan Inggeris); ~ *sasaran* bahasa yg menjadi tumpuan atau hasil terjemahan drpd bahasa yg lain; ~ *standard* bahasa baku; ~ *sukuan* bahasa yg digunakan oleh suku-suku kaum di Sabah dan Sarawak; ~ *sumber* a) bahasa yg merupakan (bahasa) asal kata pinjaman; b) bahasa yg akan diterjemahkan ke dlm bahasa yg lain; *ilmu* ~ a) pengetahuan tentang selok-belok bahasa; b) tatabahasa;

~ dan bangsa itu tiada dijual atau dibeli prb hendaklah menjaga budi bahasa walau drpd kaum yg hina sekalipun (walaupun kaya kalau tiada budi bahasa dihina orang juga); ~ menunjukkan bangsa prb drpd budi bahasa, orang dapat menilai kita;

berbahasa **1.** mempunyai bahasa, memakai (menggunakan) bahasa, bercakap dlm sesuatu bahasa: *orang Kemboja ~ Khmer; kemampuan ~ seorang penutur*; **2.** mempunyai budi bahasa yg baik, berbudi bahasa: *ia seorang yg ~*;

membahasakan, memperbahasakan **1.** melahirkan dgn perkataan, menuturkan, mengatakan, mengucapkan: *bahasa Melayu bukan sahaja diperbahasakan di Semenanjung Malaysia, tetapi di seluruh kepulauan Nusantara*; **2.** menyebut, memanggil: *dahulu Abdul Fakar dibahasakannya abang Fakar*; **3.** menegur, mempersilakan dgn hormat: *mereka ~ tamu agung itu duduk di tempat terhormat*;

kebahasaan hal dsb yg berkaitan dgn bahasa: *soal-soal ~ dibincangkan dlm seminar itu; meninjau masalah-masalah ~*;

perbahasaan **1.** peribahasa; **2.** pertuturan: *pakaian dan ~nya telah bertukar*;

pembahasaan perihal (proses, perbuatan dsb) melahirkan idea, gagasan dsb dgn menggunakan bahasa: *teori ini menunjukkan bahawa pengarang adalah manusia luar biasa yg mempunyai kebolehan menggunakan setiap dimensi ~*;

perbahasa **1.** = **perbahasaan** peribahasa; **2.** adat sopan santun.

bahasa II bahawa: *saya tahu ~ ia malas*; **basa I.**

bahasa III agak, sedikit; *angin sepoi-sepoi ~ angin yg bertiup lemah lembut*; *gila-gila ~ agak gila*; **basa IV.**

bahau Pl makan.

bahawa I **1.** kata hubung yg menjelaskan isi atau huraian kalimat pokok (yg sebelumnya atau sesudahnya), bahasa: *pemerhati-pemerhati berkata ~ dgn letupan bom atom, China hendak meluaskan lagi pengaruh politiknya di Asia dan Afrika*; **2.** pembuka kalimat pokok, sungguh-sungguh, adapun: *~ ia kaya sungguh*; **3.** = **sebahawa** sl keadaan(nya), sifat(nya), adanya: *kelakuan puteri itu manis se~*;

bahawasanya **1.** bahawa; **2.** bahawa sesungguhnya, sesungguhnya, sebenarnya.

bahawa II Pl ingin.

bahaya sesuatu yg (dapat) mendatangkan bencana (kecelakaan, nahas, dll): *dlm nahas kereta itu, ia sendiri yg terlepas drpd ~*;

~ api = *~ kebakaran* bencana yg boleh disebabkan oleh api; *~ bencana* berbagai-bagai bencana; *~ kelaparan* sesuatu yg boleh menyebabkan kelaparan; *~ maut* sesuatu yg menyebabkan mati; *~ rugi* kemungkinan rugi; *menempah ~* sengaja melakukan sesuatu yg sudah diketahui boleh mendatangkan bahaya;

berbahaya boleh mendatangkan bahaya, dlm (terancam oleh) bahaya: *janganlah dikerjakan pekerjaan yg ~*;

keberbahayaan perihal atau keadaan yg berbahaya: *~ itu tersembunyi dlm pembinaan tamadun Barat*;

membahayakan mendatangkan bahaya: *di bandar itu ada tempat yg ~, tempat banyak orang kena rompak; merokok ~ kesihatan*.

baheula (Sunda) bp zaman dahulu, kuno.

bahkan **1.** malahan, tetapi juga, lebih-lebih lagi: *mereka bukan sahaja melanggar kemahuan orang tua mereka, ~ merosakkan adat istiadat Melayu*; **2.** sl saya, ya: *sembahnya ~*.

bahlul bangang, bodoh, tongong: *engkau betul-betul ~, tak ada cita-cita*.

bahrulhayat Ar laut kehidupan.

bahtera sl kapal besar;

melayarkan ~ *hidup* ki menjalani kehidupan sehari-hari;
mengendalikan ~ *rumah tangga* mengendalikan kehidupan
berumah tangga atau berkeluarga.

bahu **1.** bahagian badan antara leher dan pangkal lengan, pundak;

mengangkat ~ bp menyatakan tidak tahu; **2.** bahagian perantaraan
pd suatu torak (pd tempat torak itu dikecilkan); ~ *jalan* bahagian
tepi atau sisi jalan (di luar bahagian utk laluan kenderaan);

memikul di ~, *menjunjung di kepala* prb mengerjakan sesuatu
pekerjaan haruslah menurut peraturannya supaya selamat; *tangan*
mencencang (*menetak, memetik*) ~ *memikul* prb siapa yg bersalah
harus menanggung akibatnya;

membahu memikul, menyauk, menyangga;

bahu-membahu bersama-sama (mengerjakan sesuatu), tolong-
menolong: *mereka* ~ *memberikan bantuan*.

bai bp panggilan kpd orang Benggali (lelaki); ~ *serbat* Benggali yg
menjual serbat.

baiah Ar **1.** perakuan sumpah setia kpd seseorang yg diberi kuasa; **2.**
sokongan terhadap perjanjian yg dibuat (mis dgn menyebut nama
Allah sbg tanda sokongan).

baid Ar jauh, lwn karib (dekat); *karib (dan)* ~ sanak saudara.

baiduri sj batu permata yg terdapat dlm pelbagai warna atau tanpa
warna, sama ada lut sinar atau legap, biasanya terdapat dlm batu
igneus atau kawasan kolam air panas, opal;

~ *bulan* baiduri yg agak gelap warnanya; ~ *pandan* baiduri yg
hijau warnanya; ~ *sepah* baiduri yg mempunyai ukiran akar atau
kayu; ~ *Yaman* baiduri yg kuning warnanya.

baih; pembaih kayu pelontar.

baik **1.** memberi faedah apabila menggunakannya (melihat, membaca, dsb), elok (lwn buruk): *yg ~ dipakai, yg buruk dibuang; buku ini ~ dibaca oleh kanak-kanak*; **2.** memuaskan hati dr segi rupa (mutu, kegunaan, dll), elok: *cantuman baka yg ~; mendidik anaknya dgn ~*; **3.** tidak jahat (kelakuan dll): *~ budi pekertinya*; **4.** pulih, sembuh: *lukanya belum ~*; **5.** sangat sesuai dan rapat (bkn perhubungan, persahabatan, dsb): *dia berkawan ~ dgn Aminah*; **6.** = **baiklah** ya (menyatakan persetujuan): *ambil buku itu! B~ mak*; **7.** biar, walau; *~ kawan mahupun (ataupun) lawan* biar kawan, biar lawan;

~ hati suka menolong, mudah simpati dan pengasih; *~ sangka* rasa muhibah; *buat ~ berpada-pada, buat jahat jangan sekali* prb membuat pekerjaan baik janganlah berlebih-lebihan, tetapi pekerjaan jahat jangan sekali-kali dibuat;

baik-baik **1.** (sbg pesanan) berjaga-jaga dlm melakukan sesuatu, hati-hati: *pandulah ~ kerana jalan itu bengkok-bengkok*; **2.** dgn rapi (menjaga atau memelihara sesuatu): *simpan barang ini ~*; **3.** dgn teliti (melakukan sesuatu): *tali itu diikatkan ~ supaya tidak tanggal; baca ~ perenggan ini*;

sebaik **1.** serupa baik dgn, sama baik dgn: *penselmu tidak ~ pensel saya*; **2.** = **sebaik-baik** demi, serta, baru saja: *pencuri itu kena tangkap ~ saja ia memasuki rumah orang*;

sebaiknya yg baik dan patut dilakukan, seelok-eloknya: *~ engkaulah yg bercakap dgn cikgu*;

sebaik-baiknya **1.** yg paling baik dan patut dilakukan, seelok-eloknya; **2.** yg amat (sangat) baik: *kesempatan mencari keuntungan ini diambil ~ oleh orang asing*;

berbaik, berbaik-baik tidak bermusuhan (bertengkar dll): *orang kampung tertanya-tanya mengapa dia ~ dgn orang yg sejahat itu; ~ semula berdamai;*

berbaiki sl = **membaiki**: *bendahara pun mengerahkan sekalian orang berlengkap dan ~ alat;*

membaik = **membaik pulih**;

membaiki membetulkan: *jalan-jalan dijaga dan dibaiki oleh kerajaan; jikalau tiada dapat dibaiki, jangan dipecahkan prb janganlah kita kusutkan pekerjaan yg tidak dapat kita selesaikan;*

membaikkan **1.** membuat jadi baik, memulihkan; **2.** menganggap lebih baik: *dia ~ kelakuan anaknya;* **3.** mendatangkan kebaikan (faedah dll) kpd; *serta sepucuk surat diberi, ~ maksud paduka seri utk membawa faedah bagi maksud paduka seri;*

memperbaik menjadikan bertambah baik: *rancangan-rancangan utk ~ taraf ekonomi orang Melayu;*

memperbaiki sl berbuat baik kpd: *TuanKu segala anak cucu patik sedia akan jadi hambalah Kebawah Duli Yang Dipertuan, hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu tuan hamba;*

kebaikan **1.** perbuatan baik: *apabila dia membuat sesuatu ~, sentiasa dipertalikkannya dgn ayahnya, kerana ayah, utk ayah;* **2.** sifat baik: *tidak sanggup saya membalas ~ budinya;* **3.** faedah: *di kampung-kampung kerajaan membuat jalan-jalan baru utk ~ rakyat;*

perbaikan **1.** perihal (keadaan dsb) menjadi bertambah baik, perihal makin baik; **2.** hasil membaiki: *segala usul, pindaan, dan ~ dgn ulasannya secepat-cepatnya disampaikan kpd pakar; buku ini merupakan ~ buku-buku jenisnya yg terdahulu;*

pembaikan perihal (perbuatan, usaha, dsb) membaikkan atau membaiki; *~ tanah perbuatan membaiki tanah supaya lebih subur;*

pembaik orang yg (kerjanya) membaiki (membetulkan sesuatu): ~
kereta.

baik biak; membaik biak memperbanyak (tanaman, haiwan) serta
memperbaiki mutunya;

pembaikbiakan perihal (usaha dsb) membaik biak: *teknik baru
boleh dimajukan utk memperoleh hasil yg lebih tinggi bagi tiap-
tiap satu hektar tanah melebihi proses ~ tumbuhan;*

pembaik biak sesuatu yg membaik biak: *walau bagaimanapun,
keadaan semula jadi telah lama memainkan peranannya sbg ~
tumbuhan.*

baik pulih; membaik pulih membaiki serta memulihkan sesuatu
(jentera, pesawat, dll) sehingga dapat digunakan atau dapat
berfungsi dgn sempurna: *perkhidmatan ~ kapal;*

pembaikpulihan perihal (perbuatan, proses, kerja dsb) membaik
pulih: ~ *bangunan yg dianggap bersejarah itu sedang giat
dijalankan.*

bailif pegawai yg menyampaikan writ dan saman, membuat tangkapan,
dan memastikan bahawa hukuman dijalankan.

bairup boya.

bait I Ark rumah.

bait II **1.** sajak dua baris; **2.** bahagian sajak, rangkap;

berbait bersajak (dua baris).

bait III (Komp) unit data atau saiz daftar (dlm sistem komputer) yg
ditafsirkan sbg kata yg panjangnya lapan bit.

Baitulharam Ark Kaabah, Baitullah.

Baitullah Ark rumah Allah (masjid di Mekah).

baitulmal Ark perbendaharaan.

Baitulmuqaddis Ark Jerusalem.

baj sj bot besar yg bahagian bawahnya datar utk membawa barang atau muatan yg berat di terusan, sungai dsb.

baja I bahan utk menyuburkan tanaman, yg mengandung zat spt nitrogen, fosforus dan kalium yg dihasilkan secara semula jadi atau buatan;

~ *buatan* Id = ~ *tiruan* baja yg dibuat drpd bahan kimia; ~ *campuran* baja yg terdiri drpd dua atau lebih zat (nitrogen, fosforus dan kalium) yg dicampurkan secara fizikal utk memperoleh gabungan zat yg dikehendaki; ~ *cecair* baja dlm bentuk cecair; ~ *dagang* = ~ *dagangan* baja yg dibuat di kilang drpd bahan mentah bukan organik; ~ *fosfat* baja yg mengandung fosfat, biasanya digunakan utk meningkatkan kandungan fosfat dlm tanah; ~ *hijau* (Tani) a) tumbuh-tumbuhan hijau yg dibajak supaya bercampur dgn tanah (tempat ditanami sesuatu jenis tanaman) dan dijadikan baja; b) baja yg belum mengalami sebarang kerosakan; ~ *kandang* Id baja drpd tahi lembu (kerbau, kuda, dll); ~ *kimia* baja yg dibuat drpd atau yg menggunakan bahan-bahan kimia; ~ *kompos* baja drpd sisa organik yg terurai; ~ *sebatian* baja yg mengandung dua atau tiga zat (nitrogen, fosforus dan kalium) yg dihasilkan melalui proses kimia; ~ *tunggal* baja yg mengandung salah satu zat, sama ada nitrogen, fosforus atau kalium;

membaja, membajai membubuh baja, memberi baja: ~ *tanah*;

pembajaan perbuatan (kerja, proses) membaja(i).

baja II = *besi* ~ sj besi yg keras;

berbaja berlapis baja, dikeraskan dgn baja; *jika pisau tidak ~, makin dikikir bertambah tumpul* prb jika anak tidak berpembawaan, makin diajar bertambah bodoh;

membaja 1. = **membajai** mengeraskan besi dgn cara memanaskan dan menyejukkannya kembali: *besi ini telah dibaja dan dikeraskan mengikut patutnya*; **2.** ki sangat keras (spt besi baja): *hatinya telah ~*;

terbaja menjadi keras, menjadi kuat: *dlm hari berlari, ~ kasih di hati*.

baja III bahan penghitam gigi (drpd campuran minyak dan arang tempurung);

berbaja telah dihitamkan dgn baja (bkn gigi): *giginya baru wilis ~, pucat manis warnanya durja*.

bajaj sj kenderaan awam bermotor dan beroda tiga yg digunakan utk mengangkut penumpang (biasanya dua atau tiga orang) di Indonesia.

bajak I alat utk menggemburkan tanah, tenggala, luku; ~ *batas* bajak utk membuat batas;

~ *selalu di tanah yg lembut* prb yg selalu menderita ialah orang yg lemah; ~ *sudah terdorong ke bencah* prb sudah terlanjur; *dahulu ~ drpd jawi* prb yg patut dahulu dikemudiankan, yg patut kemudian didahulukan;

membajak menggemburkan tanah dgn bajak, menenggala, meluku: ~ *sawah*; ~ *balas* membajak utk kali yg kedua, pugar kedua;

pembajakan perbuatan (kerja, proses, usaha) membajak, penenggalaan;

pembajak 1. orang yg kerjanya membajak, penenggala; **2.** alat utk membajak, tenggala: *jentera ~*.

bajak II = ~ *laut* perompak, penyamun (di laut), lanun; *bagai ~ wangkang makan diangkat* prb dikatakan kpd orang yg suka kena puji;

membajak merompak;

pembajakan perompakan (di laut).

bajana → **bejana**.

bajang I 1. hantu yg berkuku panjang dan suka mengganggu perempuan yg sedang mengandung atau kanak-kanak; **2.** = *lidah* ~ = *kuku* ~ tanggam penyambung kayu (menyerupai ekor burung layang-layang).

bajang II; *daun* ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), akar asam tebing darat, akar ketam, akar meroyan sembang, daun ketam, serundang, *Anadendrum montanum*.

bajang-bajang sj tumbuhan (rumpai), kemucup, kemuncup, *Chrysopogon aciculatus*.

bajau I; **membajau** memukul.

Bajau II suku kaum peribumi yg ketiga terbesar di Sabah, yg terbahagi kpd dua golongan, iaitu Bajau Laut yg tinggal di timur Sabah dan Bajau Darat di barat Sabah, yg masing-masing bertutur dlm dialek yg berbeza, dan kegiatan utama mereka ialah bertani, menternak serta menangkap ikan.

bajet bp belanjawan.

baji 1. kayu (besi) lancip utk membelah kayu; **2.** pasak utk merapatkan sesuatu (yg renggang);

~ *dahan membelah dahan* prb membuat kebajikan kpd orang dgn perbelanjaan orang itu sendiri; *bersua* ~ *dgn matan* = *tahan* ~ *oleh keldai* prb kuat sama kuat, berani sama berani;

membaji 1. membelah dgn baji; **2.** merapatkan (menguatkan) dgn baji.

baji-baji sj ikan laut yg panjang, *Platycephalus spp.*

bajik; **kebajikan** sesuatu yg membawa kebaikan, perbuatan baik, kebaikan: *berbuat* ~ *kpd orang*.

bajing Jw tupai, *Sciurus notatus*.

bajingan Id penjahat, pencuri.

baju pakaian utk menutup badan;

~ *alang* baju kurung yg berlengan pendek; ~ *anggerka* ark baju dalam cara India; ~ *antakesuma* = ~ *layang* sl baju utk terbang; ~ *antari* = ~ *lantari* ark baju spt baju anggerka (cara Arab); ~ *ayat* = ~ *pelias* ark baju belah yg berazimat; ~ *bajang* = ~ *bersayap* ark baju belah yg menyerupai ekor burung layang-layang; ~ *basterop* Id baju yg tidak ada kolar dan lengan; ~ *belah bakung* ark baju yg berlengan pendek (berbelah di bahu); ~ *belah benian* = ~ *bunian* sj baju belah; ~ *belah Bentan* = ~ *Bentan* = ~ *Mintan* ark baju belah yg pergelangan lengannya berbelah; ~ *besi* baju drpd besi (dipakai dlm peperangan); ~ *beskat* = ~ *weskot* baju yg dipakai di bawah baju kot; ~ *bidadar* ark baju kot pengantin baru; ~ *bakdung* ark baju yg berbutang di belakang; ~ *Cina* baju potongan Cina; ~ *dalam* anak baju; ~ *hujan* sj baju labuh drpd bahan kalis air, mis plastik yg dipakai utk melindungi seseorang drpd dibasahi air hujan; ~ *jas* Id kot; ~ *(kanji) perak* = ~ *kanji perap* = ~ *kain jiperak* ark anak baju; ~ *Johor* a) baju Melayu yg tidak berkolar; b) baju kurung; ~ *kebaya* baju perempuan, yg pendek dan berbelah di bahagian dada; ~ *kemeja* baju potongan Eropah; ~ *kepek* baju yg berleher tinggi; ~ *kuntum* sj baju potongan Melayu; ~ *kurung* baju yg tidak berbelah dada; ~ *kutang* anak baju (perempuan); ~ *maskat* ark baju dalam yg diikatkan di belakang; ~ *Melayu* baju laki-laki potongan Melayu; ~ *monyet* Id sj baju anak-anak (baju dan seluar bersambung); ~ *panas* a) = ~ *sejuk* b) anak baju; ~ *pendapan* = ~ *pendepan* = ~ *pendipun* = ~ *mendipun* = ~ *jipun* ark baju Sumatera yg dihiasi bunga drpd emas perada; ~ *pesak sebelah* ark baju belah yg dadanya dua lapis; ~ *pokok* ark baju belah yg

tidak berlungan; ~ *rantai* sj baju besi drpd rantai kecil-kecil; ~ *sejuk* = ~ *panas* baju yg dipakai utk memanaskan badan; ~ *seroja* = ~ *teratai* ark baju Sumatera yg berbunga benang emas; ~ *sikap* sj baju Jawa berlungan panjang; ~ *songsong barat* sl baju antakesuma; ~ *tapung* sj baju Bugis; ~ *Teluk Belanga* baju Melayu; ~ *toro* ark baju Jawa yg dipakai oleh pelayan; ~ *indah dr balai, tiba di rumah menyarungkan* prb hukum yg telah putus dan tidak boleh dibanding lagi; *bagai memakai* ~ *sempit* prb perbuatan yg tidak sesuai dgn keadaan diri; *mengukur* ~ *di badan sendiri* prb kejahatan kita jangan dijadikan pengukur kejahatan orang lain (atau darjat kita jangan disamakan dgn darjat orang lain); *mencabik* ~ *di dada* prb meceritakan aib sendiri;

berbaju memakai baju;

membajui mengenakan (memakai) baju kpd: ~ *boneka*.

bajul Jk **1.** buaya; **2.** ki penjahat, pencuri;

membajul menjadi jahat (spt menjadi pencuri, pengganggu perempuan, dll).

bak I sebagai, seperti: ~ *kata orang tua-tua, tak ada gading yg tak retak*.

bak II IB sj kotak besar (tempat sampah, air, dll), kolam (tempat air di bilik mandi).

bak III C dakwat Cina.

bak IV bunyi menampar (barang jatuh dll).

bak V bp beri, kasi: ~ *aku barang yg engkau pegang itu*.

bak VI K1 besar atau bengkak (bkn kaki, betis).

baka I 1. keluarga (yg menurunkan), asal keturunan (ayah dll); **2.** benih (haiwan atau tumbuhan);

membuang ~ menyimpang drpd sifatnya (asalnya) yg turun-temurun, mencemarkan nama baik keluhurannya (orang tua dll);

saka ~ (keluarga) yg menurunkan, (sifat-sifat) keturunan, turun-temurun;

pembakaan perihal memperkembang baka.

baka II Kl, Tr sj tumbuhan (pokok), inai-inai, *Erythroxylon cuneatum*.

bakai Kd awal, permulaan, pertama (perbuatan dll); *mandi* ~ mandi dgn jalan membasuhkan kaki dahulu dan sedikit demi sedikit naik ke atas hingga basah seluruh badan.

bakak; *kain* ~ ark kain merah atau biru yg berpetak-petak.

bakal 1. seseorang yg akan menjadi atau dijadikan (isteri, suami, presiden, ketua, dll), calon: ~ *suami*; **2.** akan, hendak: *seminar* yg ~ *diadakan di DBP*; **3.** Jw untuk, buat: *wang* ~ *beli pakaian*;

membakalkan mengerjakan pd tingkatan yg awal sekali, membuat bentuk yg kasar (dahulu), merancang;

pembakalan perihal membakalkan.

bakam sj batu permata, sj batu delima.

bakap sj ikan laut, *Ophiocephalus spp.*

bakar; *bahan* ~ barang-barang yg akan dinyalakan (spt minyak tanah dsb); *ikan* ~ ikan panggang; *kayu* ~ kayu api; ~ *tak berapi* prb menaruh cinta tidak dgn sebenarnya; ~ *tak berbau* prb maksud jahat yg tersembunyi;

membakar 1. menyalakan (memasang, menghanguskan) sesuatu dgn api: ~ *kayu*; ~ *sampah*; **2.** memanaskan sesuatu (spt ikan, daging, pisang, dsb) di atas api supaya masak, memanggang: ~ *pisang*; **3.** memasak sesuatu (spt kuih, ikan, daging, dll) dgn jalan memanaskannya dlm ketuhar: ~ *kuih*; ~ *kapur*; **4.** ki membuatkan seseorang marah atau meradang: “*Kalau engkau menjadi pemimpin, aku mesti kebuluran*”, *ia* ~ *hati isterinya*; **5.** ki menyemarakkan sesuatu perasaan (spt semangat, cinta, dsb): *gadis itu menjeling dan melemparkan senyuman yg ~ jiwa orang muda*

itu; ~ semangat; **6.** menyebabkan terasa sangat panas seolah-olah terbakar: *panas yg kian terik dan ~ kulit kepala; dibakar tiada hangus* prb tidak dapat dipengapakan (kerana degil, berkuasa, dll);

membakarkan membakar sesuatu utk: *ia ~ anaknya ikan asin;*

terbakar 1. sedang atau sudah bernyala (kerana dibakar dll), habis dibakar; **2.** ki menghangat, marah: *emak ~, lalu dilemparkannya kayu kpd saya; ~ kampung kelihatan asap, ~ hati siapa tahu* prb kesusahan seseorang jarang dipedulikan orang lain, kerana tidak kelihatan olehnya;

kebakaran 1. kejadian sesuatu (rumah dll) yg sedang terbakar: ~ *besar yg dahsyat telah berlaku pagi ini;* **2.** terbakar; ~ *janggut* Id bp bingung tidak keruan;

pembakaran 1. perihal (perbuatan dsb) membakar: ~ *mayat;* **2.** ark tempat membakar: ~ *kapur;*

pembakar 1. orang yg kerjanya membakar sesuatu: ~ *meriam;* **2.** yg membakar; *bom* ~ Id bom yg membakar; *zat* ~ Id oksigen; **3.** (alat) yg digunakan utk membakar sesuatu: *acuan ~ kuih.*

bakarat sj permainan judi dgn daun terup.

bakat 1. kebolehan semula jadi: *ia memang mempunyai ~ seniman; ~ terpendam* bakat atau kebolehan (dlm bidang seni, penulisan dll) yg belum diketahui atau diperlihatkan kpd orang umum; **2.** orang yg mempunyai kebolehan semula jadi: *baik pengarang lama mahupun ~-~ baru tidak pernah menulis tentang konfrontasi;* **3.** bekas, tanda-tanda, kesan (bekas luka dll): *luka itu meninggalkan ~;* **4.** alamat, tanda bakal terjadi sesuatu: *awan hitam di langit ~ hujan;*

berbakat 1. mempunyai kebolehan semula jadi: *murid yg ~;* **2.** berbekas: *kepalanya ~ kerana ia memakai songkok;*

membakat **1.** meninggalkan bakat (bekas, tanda): *buih air laut yg~ di pantai*; **2.** mengalamatkan, menandakan: *merah di Timur ~ terbitnya matahari*.

BAKAT akronim bagi Badan Kebajikan Angkatan Tentera.

bakau sj tumbuhan (pokok di pantai), berus, berus mata buaya, mata buaya, lenggadai, tumu, tengar, lenggadai putut, beus, bangkita, *Rhizophora spp.*, *Ceriops spp.*, *Bruguiera spp.*; jenis-jenisnya: ~ *akik* = ~ *akit*; ~ *bakap* = ~ *belukap* = ~ *gelukap* = ~ *hitam* = ~ *jangkar* = ~ *kurap* = ~ *minyak dll*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok) di kawasan yg bergunung-gunung, *Illicium cambodianum*.

bakawali sj bunga; *puteri* ~ *puteri* yg menjelma dr bunga.

bakbat Kl bunyi spt bunyi buah yg ranum gugur dgn banyak.

bakca pundi-pundi, uncang.

bakdul (Hindustan) tali kalung kuda.

bakelit sj resin dan plastik sintetik yg digunakan sbg penebat elektrik utk membuat barang-barang plastik, alat penerima telefon, dll.

baken (bakén) Kl bangkang, bantah.

bakeri **1.** tempat (kilang) membuat roti (kek, pastri dsb); **2.** kedai yg membuat dan menjual roti (kek, pastri dsb).

bakhil kikir, kedekut, lokek: *walaupun dia kaya, dia sungguh ~*;

kebakhilan perihal (sifat) bakhil, kekikiran, kelohekan: *orang yg dipelihara drpd ~*.

baki I Ar kekal: *Tuhan yg ~*; → **baqa**.

baki II **1.** lebihan drpd sesuatu yg telah digunakan: ~ *santan itu dicampurkan kemudian*; **2.** jumlah yg tinggal (setelah ditolak); *saki-~* yg masih ada lagi;

berbaki mempunyai baki, berlebih: *gajinya yg tiga puluh ringgit akan ~ lima belas kalau ia mengansur hutang*.

baki III IB dulang, talam.

bakiak I C sj terompah.

bakiak II Kd susu yg berbau busuk akibat terlalu lama disimpan.

bakik sj tumbuhan (pokok lada yg daunnya dijadikan pengganti daun sirih), *Piper betle*.

bakir susu atau santan yg sudah basi.

bakit Kl bau kuat yg keluar dr makanan.

bakmi C sj makanan yg rupanya panjang-panjang spt laksa.

bako Mn keluarga drpd pihak ayah; *mencari* ~ mencari menantu laki-laki; → **baka I**.

bakon daging babi yg telah digarami atau disalai.

baksi ark; *layar* ~ layar yg dipasang di tiang belakang (kapal, perahu);
membaksi memasang layar baksi.

baksis ark upah, hadiah (wang dll): *orang-orang Bugis juga sanggup berperang dgn diberi upah tetapi mahu ~ yg banyak*.

baksut; *peluru* ~ sj peluru senapang.

baktan Kl kerana, sebab.

baktau → **batau**.

bakteremia (baktériemia) (Ubat) kehadiran bakteria di dlm darah.

bakteria (baktéria) organisma seni yg hidup dlm tanah, air, bahan organik atau badan tumbuh-tumbuhan dan haiwan, dan sesetengahnya boleh menyebabkan penyakit;
~ *denitrifikasi* (Bio) bakteria tanah yg menukarkan nitrat kpd nitrit dan akhirnya kpd nitrogen dlm keadaan tanpa oksigen; ~ *nitrifikasi* (Bio) bakteria tanah yg mengoksidakan garam ammonium kpd nitrit, dan nitrit kpd nitrat.

bakteriofaj (baktériofaj) (Bio) virus yg menjangkiti bakteria.

bakteriologi (baktériologi) cabang ilmu sains yg mengkaji bakteria.

bakteriotoksin (baktériotoksin) **1.** toksin yg dihasilkan oleh bakteria; **2.** toksin yg membunuh bakteria.

bakterisid (baktérisid) bahan yg berupaya membunuh bakteria, racun bakteria.

bakteriuria (baktériuria) (Ubat) kehadiran bakteria dlm air kencing.

bakti perbuatan baik utk menyatakan setia (kasih, hormat, dll), jasa: *membuat ~ kpd negara;*

berbakti berbuat bakti (kpd), berjasa: *~ kpd nusa dan bangsa;*

membaktikan memberikan sesuatu utk tanda bakti, mengabdikan (menghambakan) dlm membuat sesuatu yg berfaedah: *~ harta dan tenaga kpd tanah air;*

kebaktian perbuatan baik (bakti), rasa setia (kasih, hormat, dll): *jikalau demikian, sia-sialah ~ku;*

pembaktian perihal membaktikan.

baku I 1. Jw bkn sesuatu yg pokok, yg dasar, yg benar; *makanan ~ makanan utama; harga ~ harga pokok; 2.* bkn sesuatu yg (sudah) diterima umum sbg betul dan sah (bentuknya, sifatnya, dll) dan dapat dijadikan asas perbandingan bagi bentuk dsb yg lain (bkn bahasa, sebutan, ejaan, dsb), standard: *bahasa Melayu ~; sebutan ~ bahasa Melayu;*

membakukan menjadikan baku (standard), menstandardkan: *usaha-usaha ~ ejaan Rumi bahasa Melayu; ~ sebutan kata dlm bahasa Melayu;*

kebakuan sifat atau keadaan baku (bkn bahasa, sebutan, ejaan dsb): *pertandingan pidato itu juga menitikberatkan ~ bahasa dr segi sebutan dan tatabahasa;*

pembakuan usaha (tindakan, proses) membakukan (menstandardkan): *kecekapan sistem ini dapat mempercepat proses pembinaan dan ~ bahasa; ~ ejaan dan sebutan.*

baku II Id ark saling; *~ hantam* saling memukul.

bakuh tanda palang yg dibuat oleh bomoh pd dahi kanak-kanak sbg tangkal.

bakuk I sj burung, lengkua, *Butreron capellei magnirostris*.

bakuk II = ~ *daun* sj ikan laut, jemedi, *Thryssa setirostris*; ~ *daun a*) = ~ *minyak* sj ikan laut, kasai minyak, *Thryssa mystax*; b) sj ikan laut, *Thryssa dussumierii*; c) sj ikan laut, jemedi, *Thryssa kammalensis*.

bakul I bekas (tempat menaruh barang) yg dianyam (drpd rotan, buluh, dll), keranjang; ~ *tepak* Kl bakul yg tiada mempunyai bucu;

membakulkan membuang atau memasukkan ke dlm bakul.

bakul II Jw perempuan yg berniaga secara kecil-kecilan.

bakul sampah bakul tempat membuang sampah;

membakulsampahkan membuang atau memasukkan ke dalam bakul sampah: *telah beberapa kali ketua pemberita ~ berita-berita yg ditulisnya*.

bakung sj tumbuhan (herba yg bunganya berwarna putih), tembaga suasa, *Crinum defixum*.

bakup bengkak pd muka (kelopak mata) kerana kena tinju dll, bagup, balut: *mata ~; mukanya bengkak ~*.

bakut Br sr tambak.

bal I = ~ *lampu* bp mentol lampu.

bal II IB bola.

bal III IB bandela, karung (beras dll).

bala I pasukan (biasanya pasukan tentera);

~ *bantuan* pasukan yg didatangkan utk membantu; ~ *keselamatan* Id badan yg dibentuk berupa ketenteraan gunanya utk menyelamatkan orang yg berdosa (Kristian); ~ *seribu* sl sj mantera; ~ *tentera* segenap pasukan tentera dgn alat senjata.

bala II kejadian buruk yg menimpa diri seseorang (spt kemalangan dsb) atau sesuatu tempat (spt gempa bumi, banjir besar, kemarau, dsb),

bencana, malapetaka: *banjir besar yg melanda bandar raya itu merupakan ~ kpd penduduk di kawasan itu; (doa, mandi, kenduri) tolak ~ (doa, mandi, kenduri) yg dilakukan utk menghindarkan diri drpd ditimpa bala; ~ lalu dibawa singgah prb dgn sengaja mencari kesusahan dll; bahala.*

bala III; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), asam nyamuk, petala bumi, Santaloides floridum.*

bala IV Kl biar, benarkan: *~ ia bermain di tempat itu.*

balad Ar kota, negeri.

balada lagu atau puisi yg panjang yg mengisahkan sebuah cerita, mempunyai baris yg diulang di hujung setiap rangkap.

balaghah Ar petah, fasih (bercakap).

balah; berbalah berbantah, bertengkar: *budak-budak ini sentiasa ~ sesama mereka;*

berbalahan, berbalah-balahan saling berbalah, berbantah-bantah, bertengkar-tengkar;

membalah membantah: *jangan ~ nasihat orang tua;*

memperbalahkan mempersoalkan kesahan, kebenaran, dll: *kawasan yg diperbalahkan tidak ada gunanya dijadikan punca pertentangan tentera;*

perbalahan perihal berbalah, perbantahan, pertengkaran: *mereka itu sengaja mencari ~.*

balai I 1. gedung, rumah (utk awam), pejabat; **2.** rumah (gedung, bangunan) dlm lingkungan istana;

~ adat rumah tempat dilakukan upacara adat; *~ agung a) = ~ kota* gedung tempat pentadbiran bandaran; *b) = ~ besar* rumah besar tempat menghadap raja; *~ angin = ~ bayu = ~ peranginan* rumah tempat berehat (bersenang-senang, mengambil angin); *~ angkat-angkat* tempat nobat (bunyi-bunyian) raja; *~ apit = ~ tengah*

rumah tempat menanti raja (di antara istana dan balai penghadapan); ~ *astaka* panggung yg tinggi dan beratap tempat raja bersemayam supaya dapat dilihat oleh orang ramai pd upacara-upacara; ~ *bendul* = ~ *mentor(a)* balai tempat menanti apabila hendak menghadap raja; ~ *berlepas* dewan menanti sebelum penumpang berangkat menaiki kapal terbang (kapal dll); ~ *bertingkat* balai yg atapnya berlapis-lapis (balai undang Johol); ~ *bomba* bangunan khas tempat pasukan bomba dgn kereta bomba dan alat-alat memadamkan api ditempatkan; ~ *buana* tempat berkorban pd upacara menyemah negeri; ~ *cerap* bangunan yg dilengkapi peralatan tertentu utk membolehkan ahli sains dsb membuat pemerhatian terhadap fenomena cuaca, bintang dsb; ~ *dagang* Id ark pejabat tempat mengurus atau memajukan perdagangan (antara negara-negara); ~ *derma* rumah tempat menerima kurnia (sedekah) raja; ~ *desa* Id balai raya; ~ *gading* balai yg letaknya di kiri kanan pintu gerbang istana; ~ *gambang* = ~ *kambang* balai yg di atas air utk berangin atau mandi; ~ *gendang* rumah tempat tabuh masjid; ~ *kecil* balai menghadap yg kecil; ~ *kembang* = ~ *sari* balai dlm taman; ~ *kesihatan* = ~ *pengubatan* Id klinik; ~ *ketibaan* dewan ketibaan utk para penumpang yg baru tiba, iaitu yg baru turun dr kapal terbang (kapal dll); ~ *larangan* rumah di istana tempat puteri-puteri; ~ *lelang* Id rumah tempat melelong barang; ~ *limas* balai yg atapnya berbentuk piramid; ~ *lintang* = ~ *melintang* balai yg letaknya di sebelah kanan istana; ~ *luar* tempat rakyat menunggu di luar istana; ~ *madat* rumah tempat berkawal; ~ *menghadap* = ~ *penghadapan* balai (sementara) tempat menghadap raja; ~ *pancalogam* sl balai yg dibuat drpd marmar; ~ *pancapersada* balai tempat memandikan pengantin baru (anak raja-raja); ~ *(nan) panjang* balai tempat menghadap

undang (di Rembau); ~ *perbujangan* balai yg dibuat utk sementara (jika tempat dlm istana kurang kerana upacara besar); ~ *perguruan tinggi* Id ark universiti; ~ *pertemuan* Id rumah tempat bermesyuarat dll; ~ *paseban* = ~ *pistaka* balai besar; ~ *polis* bangunan tempat polis bertugas; ~ *raya* balai tempat orang kampung membuat perjumpaan atau mengadakan mesyuarat; ~ *rendah* Id (gedung) dewan rakyat; ~ *serong* balai yg letaknya serong dr istana; ~ *surung* anjung pd rumah yg berbumbung lima; ~ *tinggi* Id (gedung) dewan negara;

balai-balai **1.** balai kecil yg digunakan oleh bomoh (pd masa mengubati orang dll); **2.** Jw bebalai.

balai II = **sebalai**, **balai-balai** sj tumbuhan (pokok), pauh punggah, *Aralidium pinnatifidum*.

balai III; *burung* ~ sj burung, burung tirjup, *Lanius tigrinus*.

balairung, **balairuang** = ~ *seri* tempat raja dihadap rakyat.

balaisah Kl tempat sembahyang, surau: *azan subuh berkumandang dr* ~.

balak = *kayu* ~ batang pokok-pokok besar yg sudah dipotong;

membalak menghasilkan kayu balak (menebang pokok besar, memotong dahan-dahannya, dll);

terbalak-balak Pr terapung-apung (di atas air);

pembalakan kerja-kerja (usaha) membalak: *beliau dipercayai menghasut kaum Penan supaya menentang kerajaan tentang operasi ~ yg dijalankan di kawasan kaum Penan itu*;

pembalak orang yg mengusahakan pembalakan.

balalaika alat muzik Rusia (bertali tiga) yg badannya berbentuk segi tiga.

balam I sj burung, merbuk, ketitir, tekukur, *Geopelia striata*; *bagai* ~ *dgn ketitir* prb perihal dua orang yg tidak dapat bermuafakat, masing-masing membanggakan diri.

balam II; balam-balam, berbalam, berbalam-balam, membalam
nampak kurang jelas: *berbalam-balam wajahnya diselubungi kabus pagi;*

membalamkan menjadikan kelihatan berbalam-balam: ~
pandangan.

balam III sj tumbuhan (pokok); ~ *beringin* sj tumbuhan (pokok),
Payena leerii; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), *Palaquium gutta*;
daun ~ sj tumbuhan (pokok), *Pouzolzia zeylanica (indica)*.

balan I batu dll yg menghalang aliran air di sungai.

balan II penyakit bengkak pd umbi usus, apendisitis.

balang I bekas spt botol (besar dan agak luas mulutnya), tempat
menyimpan air (barang-barang makanan dll).

balang II; *perahu* ~ = *sampan* ~ sl perahu layar yg bertiang dua.

balang III; **membalang** menghumban, melempar;

balang-balang sj senjata yg dibaling, bebalang.

balang IV Jw belalang.

balang V bahagian sarung keris yg lurus.

balap Id lumba, pacu: *kuda* ~; *sepeda* ~ basikal perlumbaan;

membalap berlari kencang, berlumba;

balapan 1. pacuan, perlumbaan; 2. padang perlumbaan,
gelanggang pacuan.

balar bkn binatang atau manusia yg lahir tanpa bahan pewarna semula
jadi pd rambut dan kulit yg menyebabkan rambut dan kulit
menjadi putih, bulai, sabun, salih: *kerbau* ~;

berbalar, berbalar-balar mempunyai tempat (bahagian) yg
putih-putih pd kulit: *kulitnya* ~.

balas I 1. = **balasan** a) jawaban; b) ganjaran, hukuman: *menuntut* ~; 2.

membalas: *suara tenang gadis itu memberi keyakinan kepadanya*

utk ~ berbicara; ada hujan ada panas, ada hari boleh ~ prb akan datang masanya utk membalas perbuatan jahat;

berbalas **1.** menjawab, menyahut: *maka ~lah suara dr dlm rumah;*
2. dijawab: *cintanya tidak ~;* **3.** balas-berbalas: *kedua-duanya pun ~ pantunlah;*

berbalas-balas balas-membalas;

berbalasan berbalas, mendapat balas, bersambutan: *perkataan yg demikianlah yg saya tunggu, supaya tepuk ~, supaya kesalahan berhukuman, supaya dosa bertebus;*

berbalas-balasan saling membalas, bersahut-sahutan: *serta serdadu berbaris-barisan dgn meriam ~;*

membalas **1.** menjawab: *~ surat;* **2.** memberi sesuatu sbg imbalan (tenaga dll); **3.** membuat seseorang menderita atas kesalahan yg telah dilakukan: *~ kezaliman, pencerobohan, dan penindasan mengikut kadar yg telah dilakukan;*

~ bidan melakukan sesuatu yg setimpal; *~ dendam* memberi balas utk memuaskan hati; *~ budi = ~ guna = ~ jasa = ~ kebaikan* berbuat kebaikan sbg tanda terima kasih atas kebaikan yg telah diterima; *~ sakit hati* melakukan sesuatu supaya hilang rasa sakit hati; *~ salam* menjawab salam; *~ serangan* menyerang balik;

balas-membalas saling membalas, sahut-menyahut, bersambutan;

balasan **1.** jawaban: *berulang-ulang dia berkirim surat tetapi tidak ada ~;* **2.** tanda terima kasih (atas kebaikan yg telah diterima), sesuatu (kebaikan dsb) yg dilakukan atau diberikan sbg membalas (perbuatan dsb seseorang): *rupanya begini ~ engkau terhadap ibumu;* **3.** ganjaran, hukuman: *begitulah ~ Tuhan terhadap barang siapa yg berhati dengki;*

pembalasan perihal (perbuatan, tindakan) membalas;

pembalas 1. orang yg membalas; **2.** sesuatu yg digunakan utk membalas: *inilah bingkisan ~ surat saudara.*

balas II bahan berat spt plumbum atau besi jongkong yg dibawa dlm kapal utk memperbaiki kestabilan kapal terutamanya yg tidak membawa kargo, tolak bara, pengimbang kapal, pemberat.

balas III Pl curi.

balas IV Kl bagai, macam, seperti.

balasan ark balsam.

balast kelikir, batu lancur, dll yg digunakan sbg asas jalan atau landasan kereta api.

balau I sj tumbuhan (pokok), gambir-gambir, kenar, keranji, me(r)limau, pasak perahu, pokok rongga, *Aglaia odoratissima.*

balau II → **embalau I.**

balau III → **kacau-balau.**

balau IV; membalau mengupas (kelapa), membuang duri (kulit durian).

baldi sj bekas bertangkai yg dibuat drpd zink atau plastik yg digunakan utk mengisi air (merendam pakaian cucian dll).

baldu sj kain yg dibuat drpd sutera, kapas, nilon, dsb (berbulu-bulu halus pd sebelah luarnya dan berkilat-kilat).

bale (balé) Id balai.

balela (baléla) Jw ark menderhaka, melawan perintah; **ambalela.**

balerina (balérina) penari balet wanita.

bales; membales Id, bp memutar balik (kereta dll).

balet (balét) = *tarian* ~ tarian klasik Barat yg lemah gemalai (yg biasanya menceritakan sesuatu kisah).

balgham, balgam Ar dahak.

bali Mn ark; *darah* ~ penakut.

balian sl bomoh.

baligh Ar = *akil* ~ cukup umur atau dewasa (mengikuti pandangan Islam, biasanya apabila mencapai umur antara 9 - 12 tahun bagi perempuan dan 12 - 15 tahun bagi lelaki);

kebalighan perihal baligh (cukup umur, dewasa).

balighah, balighat Ar dewasa (perempuan).

balik I 1. kembali, pulang: *budak-budak belum ~ lagi*; 2. = **sebalik** sebelah yg lain, sebelah sana: *aliran Sungai Pahang sering mengintai mesra di ~ kehijauan pepohonan*; 3. songsang, berlawanan arah; *bulu* ~ bulu ayam yg songsang;

~ *adab* tidak tahu adat; ~ *akas* Kd kembali hidup; ~ *andar* balik kosong (drpd mengail dll); ~ *belah* a) songsang; b). Tr tidak mengikuti susunan yg betul: *kamu susun buku itu ~ belah betul*; ~ *bokong* bahagian dlm menjadi di luar, songsang (baju dll); ~ *gagang* ki berpihak kpd lawan; ~ *gelisah* Kl sj kuih yg dibuat drpd beras pulut; ~ *jungkir* (berulang kali) kepala di bawah, kaki di atas; ~ *kekat* arus (pasang) berubah; ~ *kerak* kahwin lagi dgn bekas isteri; ~ *kuang* kepala ke bawah (bergantung dll); ~ *mazhab* taklid (meninggalkan ajaran mazhab tertentu dan mengikuti ajaran mazhab yg lain); ~ *mata* a) bermuafakat jahat (membiarkan orang berbuat jahat, pura-pura tidak tahu, dll); b) main sunglap; ~ *modal* mendapat modal kembali (tidak rugi dan juga tidak untung), pulang modal; ~ *nama* Id penukaran surat hak milik (tanah dll); ~ *ponggang* yg di bawah jadi di atas; ~ *rujuk* kahwin balik dgn isteri yg telah diceraikan; ~ *sakit* = ~ *pais* Kl jatuh sakit semula; ~ *sedar* siuman, sedar drpd pengsan; *di* ~ *belakang(an)* = ~ *pembelakangan* di belakang orang;

sebalik; *di* ~ pd bahagian (aspek dsb) yg terselindung atau tidak begitu ketara: *dlm kelucuan pemerihalannya ini, jelas kpd kita mesej di ~nya; apakah motif di ~ keinginan ini?*

sebaliknya berlawananan dgn atau berbeza sama sekali drpd (sesuatu yg telah dikatakan atau disarankan);

balik-balik bp kerap melakukan perkara yg sama: ~ *dia lakukan lagi perbuatan terkutuk itu;*

berbalik **1.** berubah arah: *perkataannya ~;* **2.** menjadi berubah duduknya atau letaknya (yg di muka menjadi di belakang, yg di bawah menjadi di atas, dll): *keretanya ~ kerana kemalangan jalan raya;* **3.** berpusing kembali, berpaling: *ia ~ melihat isterinya;* **4.** kembali (ke tempat semula, ke rumah, dll): *hamba hendak ~ ke Bentan;* **5.** ki merujuk kembali (kpd), mengarahkan (menumpukan) kembali perhatian (kpd sesuatu): *cara mereka menghubungkan sastera dgn masyarakat adalah berbeza-beza, iaitu ~ kpd ideologi dan sikap masing-masing;*

~ *hati* berubah pendirian; ~ *mudik* = ~ *muka* a) bertukar haluan (fikiran dll); b) berubah pihak, membelot;

berbalik-balik selalu balik ke tempat semula, berpusing-pusing, berulang-alik;

membalik **1.** berbalik kembali (arahnya): *bola itu ~ sesudah kena tiang;* **2.** menukar letaknya (menelungkup menjadi menelentang): *dibaliknya pinggan itu dan nasi pun tumpahlah;*

membalik-balik **1.** membalik berulang kali: *dibalik-baliknya kertas di atas meja itu;* **2.** membuka-buka (buku dll): *sambil bertenggong, ia ~ buku yg tebal itu;* **3.** berulang-ulang (memikir dll): *air matanya jatuh apabila ~ bagaimana sengsara hidupnya;*

membaliki **1.** balik kpd sesuatu (utk mengambil sesuatu, berbaik dgn isteri, dll); **2.** ark melepaskan diri drpd tanggungjawab;

membalikkan **1.** memulangkan, mengembalikan: *ia menyuruh ~ wang itu;* **2.** mengubah letak atau arah sesuatu kpd yg berlawananan dgn asalnya atau sebelumnya: *kerja ~ semula perahu pulai itu*

bukanlah perkara yg sukar; 3. menyebabkan berubah (bertukar dsb) sama sekali: mengapa kau ~ hatiku dan menampal kulit babi di mukaku? 4. menghantar kembali, melantunkan: lantai, siling, dan dinding dibina drpd bahan-bahan padu dan ini akan ~ semua bunyi yg memukulnya;

~ kepala melihat ke belakang; ~ muka memalingkan muka; ~ perkataan membelit-belitkan perkataan; ~ punggung membelakangi, tidak mahu melihat;

terbalik menjadi songsang, berubah sama sekali duduknya atau letaknya (yg di hadapan menjadi di belakang atau yg di atas menjadi di bawah): *kereta itu ~; bajunya ~;*

~ akal gila; ~ iman bertukar iman; ~ mata Id bp terlampau lama melihat; ~ niat bertukar niat;

menterbalikkan menjadikan (membuat menjadi) terbalik: *menggaris dgn dakwat dilakukan dgn ~ kayu pembaris; suaranya boleh ~ iman seorang lelaki;*

keterbalikan perihal terbalik: *~ peranan dlm perhubungan ibu bapa dgn kanak-kanak boleh dicapai oleh kanak-kanak dlm situasi lakon;*

kebalikan sebalik drpd, sebaliknya, lawan(nya): *benderanya ialah palang merah di atas tanah putih, ~ bendera Swiss; ~ peperangan dan permusuhan menjadi lebih hebat;*

pembalikan perihal (perbuatan dsb) membalik(kan).

balik II; *~ adap sj tumbuhan (pokok menjalar), a) Mussaenda mutabilis; b) Mussaenda glabra; (daun) ~ angin sj tumbuhan (pokok), a) tapu, sedangar, Mallotus barbatus; b) Mallotus marcrotachyus; c) Mallotus paniculatus; akar ~ adap sj tumbuhan (pokok), akar kupur, Rubus glomeratus.*

baling I batu dll yg dibubuh pd tali dan dilemparkan dgn menghayunkannya terlebih dahulu mengelilingi kepala: *datangnya terlalu deras spt ~*;

baling-baling 1. kincir angin (penunjuk arah angin dll); **2.** alat yg rupanya spt kincir utk menjalankan kapal atau kapal terbang; ~ *angin* Id kipas angin; ~ *di atas bukit = hati bagai ~* prb tidak tetap pendirian (hati dll);

berbaling berkisar spt baling-baling;

membaling 1. melempar (dgn baling); **2.** melempar: *gadis-gadis menyambut dan menanam anak-anak padi yg dibaling oleh teruna-teruna*;

membalingi melempari dgn baling, melempari: *ia ~ rumah lawannya dgn batu*;

balingan hasil atau perbuatan membaling, lontaran, lemparan: *lelaki itu terhenti bagaikan terkena ~ batu*; *aktiviti olahraga spt ~ dan lontaran boleh menyebabkan kemalangan jika pemain kurang berhati-hati*;

pembaling 1. alat utk membaling; **2.** orang yg membaling: *ia mengintip ~ batu itu*.

baling II Pr cerpelai.

balistik kajian tentang kesan gerak atau daya luncuran objek yg ditembakkan atau dilepaskan ke udara (spt peluru meriam, peluru berpandu) termasuk momentum dan daya kekuatan.

balkon IB balkoni.

balkoni 1. anjung kecil pd tingkat atas rumah bertingkat (sbg tempat berangin); **2.** tempat duduk di tingkat atas pd panggung wayang.

baloi Kd **1.** seimbang, sepadan: *upah itu tidak ~ dgn kerjanya*; **2.** balasan (yg setimpal), bela: *menuntut ~ atas kezaliman orang*; *air ~ air* yg tidak mengalir;

berbaloi berpadanan, seimbang: *gadis itu tidak ~ dengannya;*

balok I IB **1.** kayu balak; **2.** tanda pangkat ketenteraan; ~ *not* baris-baris melintang pd not muzik.

balok II IB; *huruf (tulisan)* ~ huruf (tulisan) cap.

balon IB belon; ~ *lampu* bal lampu;

balonan, balon-balonan **1.** belon permainan anak-anak; **2.** = ~ *sabun* gelembung sabun; **3.** berita yg dilancarkan utk mengetahui pendapat orang (golongan) tertentu.

balong Id kolam ikan, empang.

balsa sj pokok tropika di Amerika yg kayunya ringan, biasanya digunakan utk membuat rakit, *Ochroma lagopus*.

balsam salap yg dibuat drpd ekstrak pokok tertentu, digunakan utk melegakan atau menghilangkan rasa sakit.

balu I perempuan yg menjadi janda kerana kematian suami.

balu II guruh: *mendayu-dayu guruh* ~.

balu III Pr lali, hilang perasaan, tidak peduli lagi.

baluarti sl benteng, dinding tembok (batu).

baluh I **1.** bingkai gendang; **2.** = **baluhan** rangka tempat duduk di atas gajah; *bagaimana pohon tiada akan tumbang dipanah halilintar sebab ~ kulit ada di batangnya* prb orang yg bersubahat dgn orang jahat akhirnya akan binasa walaupun keturunan orang baik-baik.

baluh II Kl rumah kecil tempat menyimpan padi, kepuk, rengkiang padi.

balui; baluian ark tidak ada yg menang dan tidak ada yg kalah, seri; → **baloi.**

baluk I; ~ *liat* Pl pemalas.

baluk II sj perahu muatan.

balun I bp; **membalun** **1.** membantai, memukul, menyebat: *dialah yg ~ kepalaku setelah membunuh sahabatku; ombak ~ pantai;* **2.** bk membantai (makan): *dia ~ nasi ini sampai habis.*

balun II; ~ *hijau* sj tumbuhan (pokok), gerenggung, kedondong hutan, kerantai, tengkorak lang, *Aglaia griffithii*.

balung I 1. daging tumbuh yg merah di atas kepala ayam (terutama ayam jantan) dll; **2.** hantu yg berupa ular besar dan melancar di air, hantu bidai.

balung II; ~ *ayam* sj tumbuhan (pokok), janda baik, melumak, pinang baik, *Pentace triptera*; ~ *hijau* sj tumbuhan (pokok), *Epiprinus malayanus*; *bunga* ~ *ayam* sj tumbuhan (pokok) yg berbunga.

balur I sj batu spt kaca, hablur;

membalur menjadi hablur, menghablur.

balur II 1. kulit yg tebal (pd tengkuk lembu dll); **2.** dendeng (daging yg dikeringkan).

balur III balar.

balur IV Kd jalur bekas kena pukul.

balur V; ~ *liat* pemalas, orang yg sangat malas.

balus-balus sj ikan laut, puntung damar, a) *Sillago maculata*; b) *Sillago sihama*.

balut I barut, pembungkus, pembebat (luka dll); ~ *ketupat* daun nyiur pembungkus ketupat;

membalut membarut, membebat, membungkus: ~ *luka*;

membaluti membungkus: *tubuhnya merupakan segumpal daging dibaluti sehelai kain*;

membalutkan menggunakan sesuatu utk membalut, membungkuskan, membarutkan: *ia mengoyak kain selendangnya lalu dibalutkan pd betisnya yg luka*;

balutan bungkus, bebatan: *ia meraba-raba ~ kain putih yg membendung keliling perutnya*;

pembalutan perbuatan membalut;

pembalut sesuatu yg dipakai utk membalut: *kain ~ luka*.

balut II bengkak (pelupuk mata), bakup, bagup: *mata tuan puteri itu ~ bekas menangis.*

balut-balut Pr sj bubu utk menangkap ikan.

bam I 1. kayu lintang utk meneguhkan tiang kapal; **2.** kayu lintang pd hujung pengayuh; *patah kemudi dgn ~nya* prb tidak ada harapan lagi.

bam II bunyi rendah (bunyi gendang dll).

bam III (bahasa kanak-kanak) berbaring.

BAM kep *Badminton Association of Malaysia* (Persatuan Badminton Malaysia).

bambang I lebar dan bulat, luas terbentang;

terbambang, bersebambangan terbentang luas, terpampang: *bulan ~;*

bambangan pintu masuk (kuala dll): *ada sebuah kapal berlabuh di ~ kuala.*

bambang II; *ikan ~(an)* sj ikan laut, merah pucat, *Lutjanus sanguineus.*

bambu buluh, aur;

~ suda buluh atau bilah buluh yg diruncingkan sbg ranjau: *serangan dibuat terhadap kampung-kampung yg hanya berbentengan ~ suda; senapang ~* ki orang yg besar cakap tetapi tidak berbahaya.

bambun Kd sj binatang mamalia dlm genus *Herpestes*, cerpelai; *~ besar = ~ kelabu, Herpestes edwardsii; ~ ekor pendek, Herpestes brachyurus; ~ jawa, Herpestes javanicus; ~ kecil, Herpestes auropunctatus .*

bambungan Jw ark; *orang ~* orang yg berkeliaran.

bamiyah sj masakan yg dimakan dgn roti.

bampar bar (drpd logam, getah, dll) biasanya di bahagian depan atau belakang sesebuah kenderaan, utk menyerap kejutan atau meminimumkan kerosakan dlm perlanggaran.

ban I IB = ~ *luar* tayar;

~ *angin* = ~ *balon* = ~ *hidup* = ~ *pompa* tayar yg diisi udara; ~ *buta* = ~ *mati* = ~ *pejal* tayar yg tidak berangin; ~ *dalam* tiub.

ban II IB pita.

ban III IB **1.** jalan (kereta api dll); **2.** landasan terbang (di lapangan terbang); **3.** padang bola sepak.

ban IV roti kecil yg manis dan bulat yg mungkin mengandungi bahan tambahan spt kismis, rempah, dll.

ban V batas.

ban VI K1; ~ *dengar* mendengar dgn cermat.

banal kasar (tidak elok), biasa, (perkara) sehari-hari.

banang ark besar (dlm nama benda): *duku* ~; *jolong-jolong* ~ = *puput* ~ sj ikan laut; *siput* ~.

banar I; ~ *babi* sj tumbuhan (pokok), *Smilax helferi*.

banar II; *sinar*-~ bersinar-sinar, terang-benderang.

banat I Kd **1.** hulu, pedalaman, udik: *kau orang* ~; **2.** hutan yg tidak dimasuki orang; *rimba* ~ = *hutan* ~ belantara.

banat II ark; **membanat** memukuli, memalu.

banat III → **ain-al-banat**.

bancah Mn bancah.

bancang; **membancang** sl **1.** merintang (dgn tali dll); **2.** menghalang.

bancau; **membancau** mengacau (pasir, simen, air, dll).

bancet (bancét) Jk sj katak kecil.

banci I perhitungan (bilangan penduduk, lalu lintas, dll): *menurut* ~ *tahun 1982, penduduk negeri itu berjumlah dua juta orang*;

membanci 1. menghitung, mengira (penduduk, lalu lintas, dll):
Pejabat Tanah sedang ~ orang yg mendirikan rumah di kawasan itu; **2.** Pr membahagi sama banyak;

bancian hasil drpd membanci;

pembancian kerja-kerja membanci: ~ *penduduk telah dijalankan di negara ini;*

pembanci orang yg ditugasi utk membanci.

banci II 1. bersifat lelaki dan perempuan, tidak lelaki dan tidak perempuan; **2.** lelaki yg berkelakuan spt perempuan (atau sebaliknya); **3.** ark lemah syahwat; **4.** ark bomoh yg berpakaian cara perempuan (di Sulawesi).

banci III sj perkakas pertukangan kayu.

bancuh; berbancuh sudah atau telah dibancuh;

membancuh 1. mencampurkan atau menggaulkan bahan-bahan menjadi satu atau sehati, mengadun (adunan kuih dll), mengaduk:
ibu sedang ~ adunan kuih; **2.** mengocok (daun terup, kad, dll);

bancuhan sesuatu yg dibancuh;

pembancuhan perbuatan membancuh;

pembancuh 1. orang yg membancuh; **2.** alat utk membancuh.

bancut I; terbancut tersembul, terspil (mata).

bancut II Jk bantut.

banda urusan, pasal: *apa ~ kau di rombongan ini?*

bandai sj gong kecil kaum Iban.

bandan I ark sj tarian.

bandan II; *ikan ~ sj ikan laut, Sparus hasta.*

bandan III Jk sj burung.

bandang I 1. sj ikan laut, menangin, *Chanos chanos;* **2.** sj ikan darat, ikan bulan, *Megalops cyprinoides.*

bandang II; *penyakit ~ sampar haiwan.*

bandar I tempat atau pusat yg ramai penduduknya dan terdapat banyak urusan dan perniagaan dijalankan, kota;

~ *kembar* bandar yg menjalin hubungan istimewa dgn bandar lain, yg biasanya terletak di negara yg berbeza; ~ *pelabuhan* bandar yg merupakan pelabuhan; ~ *satelit* bandar atau bandar raya yg bergantung pd industri tempatan tetapi mempunyai perkaitan ekonomi dgn bandar berdekatan yg lebih besar; ~ *taman* bandar yg pembangunannya dirancang secara sistematik, dihiasi dgn taman rekreasi awam dan pokok yg subur serta dilengkapi dgn kemudahan jalan raya yg lebar; ~ *tinggal* bandar yg dahulunya maju dan makmur, tetapi kini menjadi lengang dan sunyi; *datuk* ~ orang yg mengetuai majlis sesebuah bandar raya; *luar* ~ kawasan yg terletak jauh dr kawasan bandar, kampung, desa; *pinggir* ~ kawasan di sekeliling kawasan bandar; *pusat* ~ kawasan di dlm bandar tempat tertumpunya pejabat-pejabat (bangunan-bangunan kerajaan, gedung membeli-belah, dsb); ~ *terbuka dagangan murah, badan sudah tua* prb keinginan (pekerjaan) datang waktu kita tidak berwang (lemah);

bandaran segala sesuatu bkn bandar: *majlis* ~;

kebandaran 1. segala yg berkaitan dgn fungsi, keistimewaan yg ada dlm sesebuah bandar: *keempat-empat negeri ini lebih ~ berbanding dgn tempat-tempat lain di Malaysia*; **2.** bersifat spt orang bandar (moden, canggih, dll): *gaya hidup golongan elit lebih ~*;

membandarkan menjadikan sesuatu (kawasan luar bandar) bersifat bandar;

perbandaran 1. yg berkaitan dgn bandar (pd pelbagai aspek spt pentadbiran dll): *kawasan ~ Kuala Lumpur*; **2.** ark pabean, pejabat pelabuhan;

pemandaran usaha dsb menjadikan sesuatu kawasan atau daerah dan penduduknya berubah kpd corak perbandaran atau meresap unsur-unsur perbandaran (spt perindustrian, pembangunan, dll), urbanisasi: *mereka seolah-olah dapat melihat alam semula jadi yg sebenarnya telah luput akibat proses ~.*

bandar II = ~ air = **bandaran** parit, tali air: ~ sawah itu sudah ditutup; ~ sampah parit tempat membuang sampah; *upah lalu ~ tak masuk* prb tidak sedikit pun mendatangkan hasil;

memandarkan mengalirkan (air ke); ~ air ke bukit prb pekerjaan yg sia-sia.

bandar III Id 1. orang yg dilawan oleh pemain-pemain lain dlm permainan judi (rolet dll); 2. ki a) orang yg mengendalikan sesuatu gerakan secara sulit; b) orang yg memberi modal dlm pekerjaan-pekerjaan yg tidak baik.

bandar raya bandar yg besar lagi penting (spt London, Tokyo, Singapura, Kuala Lumpur, dll) yg biasanya mempunyai penduduk seramai sejuta orang atau lebih, kota raya.

bandea (bandéa) (Portugis) ark talam.

bandel Jk; **memandel** tidak mahu menurut, tidak mendengar (kata orang), keras kepala.

bandela himpunan jerami, kertas, dsb yg dibungkus atau diikat utk disimpan atau diangkut: *laksamana pun menjunjung anugerah berpuluh-puluh ~ kain dagangan;*

pemandela alat utk membuat bandela; ~ *asak* alat membuat bandela yg menekan.

banderik Jk sj minuman yg dibuat drpd air yg dimasak dgn halia dll; sj serbat.

bandering Jk batu yg diikat pd tali utk menghumban batu itu;

membandering melempar batu yg diikat pd tali, melemparkan bandering.

banderul IB, bp pita cukai (pd rokok, cerutu, dll); *harga* ~ harga yg tercatat pd pita cukai, harga yg telah ditetapkan oleh kerajaan.

banding 1. imbang, tara; *tiada ~nya* tidak ada yg menyamainya, tiada taranya; **2.** Id rayuan (ulang bicara); *naik* ~ meminta ulang bicara; **sebanding** seimbang, setara, setanding, setaraf: *kemajuan kaum wanita haruslah ~ dgn kemajuan kaum lelaki*;

berbanding 1. dibandingkan: *penduduk daerah ini bertambah ~ dgn tahun lalu*; **2.** = **berbandingan**;

berbandingan 1. ada bandingnya, (taranya): *kebaikannya tiada ~*; **2.** seimbang, sebanding, sepadan: *kekuatannya ~ dgn besar badannya*;

membanding 1. bp membandingkan; **2.** Mn merayu (ulang bicara); **3.** Mn memberi pertimbangan (benar atau salah), menyiasat;

membandingi mengimbangi, menyamai: *kita membeli senjata-senjata itu utk ~ kekuatan musuh*;

membandingkan, memperbandingkan melihat (menunjukkan dsb) persamaan dan perbezaan antara dua benda: *dia ~ sastera Melayu dgn sastera Eropah*;

perbandingan, bandingan 1. imbangan, perimbangan, persamaan; **2.** ibarat: *mereka ialah cermin ~ hidup; kata-kata ~*; **3.** = **banding** Id rayuan (ulang bicara), pertimbangan;

pembandingan perbuatan membandingi atau membanding(kan);

pembanding 1. orang yg membandingkan; **2.** alat utk membandingkan.

bandit perompak, terutamanya anggota geng bersenjata;

membandit menjadi bandit.

bandos Jk sj kuih yg dibuat drpd ubi kayu; **bebandos**.

bandot Jk **1.** kambing jantan; **2.** bp laki-laki (orang tua) yg gila perempuan.

bandu sl **1.** kawan, sahabat; **2.** sanak saudara.

banduan orang yg ditahan dlm penjara (kerana melakukan jenayah atau sehingga dibicarakan di mahkamah).

banduk Kd pemalu.

bandul buah jam;

berbandul 1. mempunyai (ada) bandul; **2.** berayun;

membandul 1. mengayun; **2.** mengekal (serangan dll);

bandulan 1. ayunan; **2.** benda berat yg digantung utk memberatkan sesuatu.

bandung dua benda yg dirangkaikan, pasang; *dapur* ~ dapur kembar (hanya diperbolehkan oleh Yamtuan di Seri Menanti);

sebandung sepasang, dua serangkai; *ayam* ~ dua anak ayam yg keluar dr satu biji telur; *rumah* ~ dua buah rumah yg dijadikan (bercantum menjadi) satu; *telur dua* ~, *pecah satu pecah kedua* prb orang yg satu hati, sehidup semati.

bandusa sl usungan mayat.

bandut = **pembandut** tali pengikat benda yg hendak disambung (kerana patah dll);

membandut mengikat barang yg hendak disambung (kerana patah dll).

bang I seruan atau panggilan utk bersembahyang, azan;

mengebangkan menyerukan azan (pd telinga anak yg baru lahir), mengazankan.

bang II singkatan bagi abang.

bang III bunyi benda yg jatuh (meletup dll).

bang IV Kd memasang telinga, mendengar (percakapan yg tidak perlu didengar).

bangai; terbangai terbengkalai, tertinggal (pekerjaan, benda, perempuan, dll).

bangan sj ikan laut, delah, *Caesio erythrogaster*.

bangang I bodoh, dungu: ~nya orang ini.

bangang II sj tumbuhan (pokok), *Litsea polyantha*.

bangar I busuk (bau longkang dll); *busuk* ~ sangat busuk.

bangar II; *hingar*-~ hingar bingar; → **hingar**.

bangas sj tumbuhan (pokok), *Memecylon garcinioides*; ~ merah sj tumbuhan (pokok), a) *Osmelia maingayi*; b) *Memecylon garcinioides*; c) *Memecylon minutiflorum*; ~ putih sj tumbuhan (pokok), medang kawan, merbatu, *Angelesia splendens*.

bangat I cepat, lekas, segera: *dia menyudahkan kerjanya dgn ~ supaya dapatlah dia pergi menonton*; lambat ~ lambat-laun, lama-kelamaan;

sebangatnya selekasnya, secepatnya: *pd bicara ayahanda ~ pun setahun maka boleh kembali*;

membangatkan mencepatkan, menyegerakan, melekaskan: ~ kerja.

bangat II Jk amat sangat, terlalu: *lambat ~ dia datang mendapatkan engkau*;

kebangatan keterlaluhan; **banget**.

bangau sj burung yg berkaki dan berleher panjang dlm genus *Egretta* dan genus yg berkaitan; ~ batu, *Egretta sacra*; ~ besar, *Egretta alba*; ~ cina, *Egretta eulophotes*; ~ kecil, *Egretta garzetta*; ~ kendi, *Egretta intermedia*; ~ kerbau, *Bulbulcus ibis*;

~, ~, *minta aku leher, badak, badak, minta aku daging* prb iri hati melihat kekayaan (kelebihan) orang; *berapa tinggi terbang ~*,

akhirnya hinggap di belakang kerbau juga = setinggi-tinggi terbang ~, hinggap ke bubungan juga prb walau berapa tinggi pangkat akhirnya hilang juga, walau ke mana juga kita pergi akhirnya akan balik ke negeri asal juga.

bangbang Jw sl merah: *berpayung ~ mas.*

bangbung I bunyi tambur dsb.

bangbung II sj kumbang yg makan umbut nyiur.

banget Jw sangat, amat sangat; → **bangat II.**

bangga I 1. megah; **2.** besar hati: *saya berasa ~ kerana mendapat kawan yg begitu setia;*

berbangga 1. berasa megah; **2.** berasa besar hati: *anak-anak kita akan ~ membaca kisah pengalaman kita;*

membangga ark berbangga;

membanggakan 1. memegahkan: *apakah yg hendak dibanggakan dgn gelaran warisan yg diterimanya itu?* **2.** menimbulkan rasa bangga, menimbulkan rasa besar hati: *keputusan yg dicapai sungguh ~ kita semua;*

kebanggaan 1. kemegahan: *pahlawan itu menjadi pasak ~ tanah air;* **2.** rasa besar hati.

bangga II Jw ark membangkang, menentang.

banggi I Jw derhaka.

banggi II banji.

bangir Jw mancung (hidung).

bangka keras dan kaku, bangkar; *tua ~ sangat tua.*

bangkah I ark bangka, bangkar.

bangkah II 1. tanda (belang) pd dahi; **2.** ki penjahat yg terkenal.

bangkai 1. binatang yg sudah mati: ~ *kucing;* **2.** bk mayat manusia: ~ *Hang Jebat;* ~ *bernyawa* ki a) orang yg terlibat dlm penagihan dadah yg teruk sehingga kurus kering, tidak bermaya dan

menimbulkan masalah kpd keluarga, masyarakat dsb, mayat hidup;
b) seseorang yg tidak dipedulikan dan dipandang hina oleh keluarga: *akhirnya dia tidak sanggup lagi menjadi ~ bernyawa dlm keluarga mereka*; **3.** ki sesuatu yg telah tua dan rosak: ~ *kereta*;

~ *gajah bolehkah ditudung oleh nyiru* prb kejahatan yg besar itu tidak dapat disembunyikan; *ada ~ adalah hering* prb di mana ada perempuan jahat tentu ada laki-laki yg jahat pula; *menjemur ~ ke atas (ke puncak) bukit* prb mengaibkan diri sendiri;

pebangkai (Bio) binatang yg memakan bangkai binatang lain atau bahan organik yg reput (mis burung reng, dubuk, dll).

bangkal sj tumbuhan (pokok), mertas (kuning), pompom paya, *Ctenolophon parvifolius*.

bangkang I; membangkang membantah, menyanggah, menentang: *pekerja-pekerja ~ majikan mereka*;

bangkangan perkara yg dibangkang: *parti itu telah mengemukakan ~ keras terhadap rancangan kerajaan*;

pembangkang 1. orang yg membantah (melawan, menentang): *parti-parti ~ mencela tindakan kerajaan*; **2.** ark orang yg merintang kemajuan.

bangkang II jarak antara dua tanduk, cakah, cakang;

kala ~ sj kala yg letak sepitnya berjauhan; *ketam* ~ sj ketam yg letak kedua-dua sepitnya berjauhan; *tanduk* ~ tanduk yg tumbuhnya lurus ke kiri dan ke kanan.

bangkang III; terbangkang ark terbengkalai, terbangai.

bangkar keras dan kaku: *bibirnya menjadi ~ kerana terlanjur melepaskan nama ayah*; *tikar* ~ tikar yg kasar anyamannya.

bangkas perang kekuning-kuningan atau putih berbintik-bintik merah atau hitam (ayam dll).

bangkau sl lebih drpd biasa banyaknya.

bangkih I Mn belang putih pd dahi kuda.

bangkih II sj tumbuhan (pokok), kelat merah, sedung, *Eugenia claviflora*.

bangking I sj peti yg bentuknya spt buah delima dibuat drpd tembaga atau kayu.

bangking II; *bongkang-~*; → **bongkang**.

bangkir I → **bongkar-bangkir**.

bangkir II IB **1.** orang yg mengusahakan bank; **2.** bp orang yg memberikan sokongan dlm hal kewangan.

bangkit 1. jaga drpd tidur; **2.** berdiri drpd duduk atau tidur: *ia ~ drpd duduk*; **3.** hidup kembali: *~ dr kubur*; **4.** naik (ke udara): *debu ~ ke udara*; **5.** terbit, datang (keadaan, perasaan dll); *~ gilanya* datang gilanya; *~ marahnya* terbit marahnya; *~ hatinya* timbul keberaniannya; **6.** kembang, muai (adunan): *kek yg saya buat tidak ~*; **7.** sedar dan bergerak utk mencapai kemajuan, sedar dan maju;

berbangkit 1. timbul atau terbit (bkn perasaan, perkara dsb); *perkara ~ perkara* (hal atau soal) yg ditimbulkan dlm mesyuarat berdasarkan minit atau catatan mesyuarat yg lalu; **2.** berbalik (bkn penyakit);

membangkit 1. menggerakkan supaya bangkit, mengangkat: *~ lukah yg ditahan*; **2.** menimbulkan, mengakibatkan (penyakit, marah, dll): *~ marah*; **3.** = **membangkit-bangkit** membongkar perkara yg lama, mengungkit: *mereka bertengkar ~ hal-hal yg sudah lampau*; **4.** Mn memungut (menggali) hasil kebun dll;

membangkitkan 1. membangunkan (orang tidur), menghidupkan kembali (orang mati): *di padang mahsyar manusia dibangkitkan Allah drpd mati*; **2.** mengangkat ke atas: *~ pedang ke udara*; **3.** menimbulkan: *~ semangat orang-orang muda*; *~ selera*;

bangkitan 1. = **bangkit-bangkitan** soal lama yg dibongkar-bongkar; **2.** Mn hasil tanaman; **3.** ucapan-ucapan bomoh utk membangkit orang halus (dlm permainan puteri);

kebangkitan 1. kebangunan, kesedaran serta kegiatan yg membawa kemajuan: ~ *bangsa Asia*; ~ *Islam sebenarnya harus didukung oleh tradisi ilmu yg mampu melahirkan tamadun besar*; **2.** pemberontakan: *mereka mendakwa bahawa adanya penceroboh-penceroboh itu sbg satu ~ dr dlm negeri*;

pembangkitan perihal (perbuatan, kegiatan, dsb) membangkitkan sesuatu atau seseorang;

pembangkit 1. orang yg membangkitkan (perkara lama dll); **2.** alat yg membangkitkan; ~ *tenaga elektrik* Id alat yg membangkitkan kuasa elektrik, jana kuasa.

bangkot Jk sudah besar (tua).

bangku 1. tempat duduk, biasanya tanpa tempat sandar, dibuat drpd kayu, batu, dsb utk dua orang atau lebih; **2.** tempat duduk, biasanya tanpa tempat sandar atau tempat letak tangan, disokong oleh tiga atau empat kaki, biasanya utk seorang; **3.** meja yg berkaki tempat bertukang (menggergaji dll);
~ *lipat* bangku yg dapat dilipat; ~ *kaki* bangku kecil dan rendah tempat meletakkan kaki semasa duduk di atas kerusi.

bangkuh sj tumbuhan (pokok), jambu arang, *Eugenia claviflora*.

bangkung sj tumbuhan (pokok), cempedak, *Artocarpus champeden*.

bangkut tidak menjadi besar, kerdil (orang, pokok, dll); *tanduk* ~ tanduk yg tidak menjadi besar.

banglas ark tidak terganggu (pandangan), luas.

banglo = *rumah* ~ rumah sebuah (tidak berangkai dsb) yg besar dan mempunyai kawasan yg tersendiri.

bangor Jk nakal.

bangpak C buruk, jahat.

bangsa I **1.** jenis manusia drpd satu asal keturunan: ~ *Melayu; ilmu* ~ pengetahuan mengenai cara kehidupan (adat resam dll) sesuatu bangsa; **2.** kumpulan manusia dlm satu ikatan ketatanegaraan: ~ *Malaysia*; **3.** macam, jenis: *setelah selesai persiapan, diadakanlah permainan tujuh* ~; **4.** jantina, jenis kelamin; **5.** darjat tinggi, keturunan mulia: *bahasa menunjukkan* ~ ; *rosak* ~ *kerana laku*;

sebangsa **1.** serupa bangsa, satu bangsa: ~ *dan setanah air*; **2.** semacam, sejenis: *ayam ialah* ~ *unggas*;

berbangsa **1.** termasuk dlm bangsa: *jurutaip itu* ~ *Cina*; **2.** drpd keturunan orang baik-baik (bangsawan dll): *orang berasal lagi* ~; **3.** Mn berkerabat: *saya* ~ *dgn isterinya*;

membangsakan ark menganggap sbg bangsa (kerabat dll);

kebangsaan **1.** yg berkaitan dgn negara secara keseluruhan, nasional: *semangat* ~; **2.** dipilih utk melambangkan keperibadian sesebuah negara spt bahasa, pakaian, dsb: *pakaian* ~; *bunga* ~; *bahasa* ~; **3.** yg dicipta khas utk dinyanyikan sbg menyatakan taat setia kpd negara: *lagu* ~;

berkebangsaan mempunyai kebangsaan, mempunyai sifat-sifat kebangsaan: *dr mulanya filem Melayu tidak mempunyai dasar* ~ *yg tulen*.

Bangsa II; ~~~ *Bersatu* pertubuhan antarabangsa yg dianggotai oleh negara-negara merdeka yg bertujuan memelihara keamanan di dunia dan mewujudkan kerjasama antarabangsa.

bangsai **1.** rapuh dan buruk (kayu, rumah tua, dll), lapuk; **2.** ki kurus kering (badan dll), tidak berisi (padi); *nibung* ~ *bertaruk muda* prb orang tua yg muda-mudaan.

bangsal **1.** rumah panjang (utk gudang dll); **2.** tempat panjang yg beratap (di pasar); **3.** berek; **4.** Jw balai (di istana).

bangsat I 1. orang jahat (pencuri dll): *apa guna mempedulikan si ~*; **2.** Mn (orang) miskin.

bangsat II Kd mengembara, merantau: *anak-anak ini hendak pergi ~ ke serata tempat.*

bangsat III Jw kutu busuk, kepinding.

bangsawan 1. (orang) berbangsa, (orang) keturunan mulia: *seorang ~ yg bernama Datok Alam Tujuh*; **2.** = komedi ~ = wayang ~ sandiwara yg disertai nyanyian dan tarian (biasanya menceritakan kisah raja-raja zaman dahulu): *panggung ~*; *anak ~* a) anak orang bangsawan; b) pelakon komedi bangsawan;

membangsawankan mengubah sesuatu cerita dlm sesuatu bentuk (spt bertulis, lisan, dsb) ke dlm bentuk bangsawan: *~ Hikayat Si Miskin*;

kebangsawanan 1. kedudukan yg bersifat bangsawan: *sesiapa mengahwini seseorang perempuan kerana ~nya, nescaya Allah tidak akan menambah kepadanya melainkan kehinaan*; *~ turunan*;
2. ki sifat kemuliaan: *~ fikiran*.

bangsi 1. serunai (drpd buluh), suling; **2.** sj serunai drpd batang padi; **3.** harmonika, genggong.

bangta (Acheh) Pr gelaran anak raja.

bangun I 1. bangkit (drpd duduk, tidur, dll): *sekali jatuh, sekali ia ~*; *jatuh ~* ki kegagalan dan kejayaan seseorang (sesebuah negeri dsb); **2.** jaga (drpd tidur), bangkit: *pagi-pagi aku ~*; **3.** jaga (tidak tidur): *ketika awak pulang saya masih ~*; **4.** siuman (drpd pengsan): *setelah pengsan, ia tidak ~ lagi*; **5.** sedar, insaf (akan kedudukannya): *pd masa ini, bangsa Afrika sudah mulai ~*; **6.** bangkit, muai (adunan): *tepung ini tidak mahu ~*; **7.** menjadi cair(minyak yg beku): *panaskan minyak ini supaya ~*;

membangun **1.** bangun berdiri, bangkit, naik (awan dll): *pelangi ~*; **2.** berkembang dan meningkat maju: *negara-negara yg sedang ~*;

membanguni **1.** sl bangun drpd tidur utk melakukan sesuatu tindakan; **2.** Jk membangunkan (dr tidur);

membangunkan **1.** menyuruh seseorang yg sedang tidur supaya bangun, membangkitkan, menggerakkan, mengejutkan: *setiap hari ibunya ~nya pd pukul enam pagi*; **2.** menyebabkan seseorang yg sedang tidur terjaga (kerana bising, diganggu, dsb), membangkitkan, mengejutkan: *dentuman yg kuat itu ~nya drpd tidur*; **3.** membina, mendirikan, membuat: *bendahara bermesyuarat hendak ~ kapal akan kenaikan raja; bandar itu dibangunkan di atas kawasan yg mengandungi bijih; mengutip derma utk ~ madrasah*; **4.** membuat supaya membangun (maju dan berkembang), membina, memajukan: *~ negara; ~ bangsa*; **5.** membuat supaya wujud (timbul, datang) sesuatu perasaan: *~ minat; ~ hasrat utk berdikari*;

terbangun terjaga drpd tidur dgn tiba-tiba (kerana terkejut, bising, dll): *dia ~ apabila mendengar orang mengetuk-ngetuk pintu rumahnya*;

bangunan sesuatu yg dibangunkan (spt gedung, rumah, kedai, dll): *~ lama*;

kebangunan kebangkitan, keinsafan, kesedaran: *~ Tanah Melayu menghasilkan kemerdekaan*;

pembangunan **1.** perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan, perkembangan, dsb); **2.** usaha atau kegiatan membangunkan (memajukan dan mengembangkan): *~ luar bandar; ~ sistem*;

pembangun orang yg membangunkan, pembina.

bangun II 1. bentuk, tokoh: ~ *badannya sesuai dgn suaranya yg besar itu*; **2.** = **bangun-bangun** rupa, perawakan, sikap: ~*nya baik*; **3.** susunan, susuk (sesuatu benda dll): *mempelajari ~ permukaan bumi.*

bangun III sl denda, ganti rugi (kerana membunuh atau merugikan orang);

membangun membayar denda atau ganti rugi, mengganti kerugian: *membunuh tidak ~.*

bangun IV; bangun-bangun pelangi.

bangus Jk muncung babi.

bani I Ar anak (cucu), keturunan: ~ *Adam*; ~ *Israel*; **banu.**

bani II; *akar ~ sj tumbuhan (sakat), akar kul, akar banuk, Dissochaeta rafflesiana.*

banian sl peti (kecil) tempat menyimpan barang-barang berharga: *Hang Isa pantas memohonkan emas barang tiga kati dan kain barang tiga ~;* **benian I.**

baning sj kura-kura, *Geochelone emys*;

membaning memukul gong yg dibuat drpd kulit kura-kura.

banir akar yg keluar ke atas tanah spt papan (pd pangkal pokok beringin dll); *tinggi ~ tempat berlindung prb tiap-tiap hal yg istimewa itu ada faedahnya asal tahu menggunakannya;*

berbanir mempunyai banir.

banit; ~ *kijang sj tumbuhan (pokok), kayu belinci, kayu tapis, Xylopia malayana.*

banjang ark sj pagar di laut utk menangkap ikan.

banjar I baris, deret, jajaran;

sebanjar 1. sebaris, sederet: ~ *pokok nyiur*; **2.** sl sebaya, seumur;

berbanjar berbaris, berderet: *kami berdiri ~ di hadapan guru besar;*

berbanjar-banjar, berbanjaraan berbaris-baris, berderet-deret;
membanjarkan menyusun berbanjar-banjar: ~ *kerusi dgn teratur*;
banjaraan sesuatu yg berderet kedudukannya, barisan, deretan: ~
gunung; B~ Titiwangsa.

Banjar II suku bangsa campuran yg berasimilasi drpd Melayu, Jawa, Ngaju, Maayan dan Bukit, yg berasal dr Kalimantan Selatan, Indonesia.

banji C sj kisi-kisi drpd kayu atau tembikar yg dipasang pd langkin.

banjir 1. keadaan air menenggelami atau menggenangi kawasan yg luas, bah, air bah: *kawasan itu sering dilanda ~; ~ kilat banjir yg berlaku dgn serta-merta atau dgn tidak disangka-sangka; 2.* banyak sangat: *dlm musim menuai, ~ padi di kampung ini;*

membanjir spt banjir, datang dgn banyaknya: *orang ~ datang melihat drama itu;*

membanjiri 1. menggenangi, mengempohi (sawah dll): *dlm musim hujan, beberapa bahagian kota dibanjiri air; 2.* mendatangi spt banjir, datang banyak-banyak: *pd pertengahan tahun 1943, negeri Brunei dibanjiri oleh kuli-kuli dr Jawa;*

banjiran sesuatu yg muncul (tersebar) banyak-banyak: *kerajaan Jerman juga mengeluarkan ~ propaganda kpd tiga sasaran;*

kebanjiran 1. ditimpa (dilanda) banjir, tergenang air kerana banjir; **2.** ki dipenuhi oleh (manusia, barang, dll).

banjo alat muzik bertali yg panjang lehernya, badannya spt deram dan dipetik dgn jari atau plektrum.

bank 1. institusi yg menawarkan perkhidmatan kewangan spt jagaan wang, pertukaran mata wang, pemberian pinjaman, dan terimaan bil pertukaran: *menyimpan wang di sebuah ~ tempatan; 2.* bekalan, simpanan atau rizab utk kegunaan pd masa depan atau apabila diperlukan: ~ *data; ~ mata; ~ darah;*

~ *asing* bank yg beroperasi di negara lain selain negara asal tempat bank tersebut diperbadankan; ~ *darah* tempat menyimpan darah utk kegunaan di hospital dsb; ~ *data* pusat pengumpulan dan penyimpanan pelbagai sumber data; *B~ Dunia = B~ Antarabangsa utk Pemulihan dan Pembangunan* bank yg menjamin pinjaman atau memberi pinjaman kpd negara anggota (utk pemulihan dan pembangunan ekonomi); ~ *eksport-import* bank yg memberi atau menjamin pinjaman utk perdagangan antara negeri sendiri dgn negeri-negeri lain; ~ *Islam* bank yg urus niaga kewangan dan pengagihan dananya berdasarkan syariat Islam; ~ *jurubank* bank yg berperanan sbg jurubank kpd sekumpulan bank lain di sesebuah kawasan; ~ *kerajaan* bank yg menjalankan tugasnya mengikut undang-undang negeri-negeri di Amerika Syarikat; ~ *konsortium* sekumpulan bank yg bergabung utk memberikan pinjaman jangka sederhana dlm jumlah yg besar, biasanya bagi keperluan pelanggan antarabangsa; ~ *koperasi* bank yg dimiliki oleh ahli, yg menerima deposit, menawarkan khidmat pinjaman dan membayar faedah kpd ahli tersebut; ~ *luar pesisir* bank asing yg beroperasi di sesebuah negara dgn menikmati pengecualian cukai drpd negara berkenaan, mis bank luar pesisir di Labuan; ~ *mata* pusat simpanan kornea dan selaput tetuban utk tujuan pemindahan kornea mata; ~ *negara = ~ pusat* bank yg mengawasi perjalanan ekonomi negara dgn cara mengawal pergerakan bank-bank perdagangan (import-eksport wang dll) dan menyimpan wang kerajaan serta bank-bank lain; ~ *pembangunan* bank yg menguruskan dana kerajaan dan badan berkanun utk diberikan pinjaman kpd pelbagai sektor penting bagi menjana pembangunan negara; ~ *perdagangan* bank yg menyimpan wang orang ramai dll serta memberi pinjaman dgn mengenakan bayaran faedah; ~

pertanian bank yg ditubuhkan khusus utk membantu para petani mendapatkan bantuan kewangan utk memulakan atau menjalankan kegiatan atau perusahaan pertanian; ~ *saudagar* bank yg memberi perkhidmatan (spt memberi pinjaman dsb) kpd badan dan perniagaan sahaja; ~ *simpanan* bank yg menerima deposit dan membayar faedah terhadap simpanan;

perbankan aktiviti yg berkaitan dgn bank atau urus niaga bank: *sistem ~ Islam.*

bankrap (berada dlm keadaan) tidak berupaya hendak menyelesaikan hutang, muflis: *syarikat itu ~ akibat kerugian besar yg dialaminya;*

membankrapkan menyebabkan (menjadikan) bankrap, menyebabkan menjadi bankrap (atau muflis);

kebankrapan keadaan atau kejadian bankrap, kemuflihan: *kesannya terhadap sektor pengilangan berasaskan eksport sangat teruk, menyebabkan ~ dan pengangguran.*

bankuet (bankuét) jamuan besar penuh istiadat utk ramai orang, biasanya utk menghormati seseorang.

banta (Acheh) Pr; *anak ~ anak Sultan Perak* yg ditempatkan pd sesuatu keluarga utk diasuh.

bantah perkelahian, pertengkaran; *~-bantah = ~-bentuh* bermacam-macam pertengkaran;

berbantah berkelahi, bertengkar (mulut);

berbantah-bantah berselisihan: *jika kamu ~ dlm sesuatu perkara, hendaklah kamu mengembalikannya kpd al-Quran dan Sunah;*

membantah menentang, melawan (pendapat): *dia tidak ~, hanya air matanya yg menitik;*

membantahi tidak membenarkan (sesuatu), menyanggah:
*kerajaan negara-negara Balkan ~ amalan-amalan perdagangan
yg tertentu;*

membantahkan, memperbantahkan berbantah tentang sesuatu,
memperdebatkan: *apa yg kita perbantahkan, kita lihat sekarang
siapa mati dan siapa hidup;*

terbantahkan dapat dibantah: *prinsip yg tidak ~;*

bantahan 1. sanggahan, sangkalan: *kalau tidak ada ~, tentu benar
tuduhannya; 2.* suka membantah: *~ sekali anak ini;*

perbantahan pertengkaran, perdebatan: *pd suatu malam,
terjadilah ~ antara kedua-dua pemuda itu tentang hak milik
pusaka;*

pembantahan perihal membantah(i) atau membantahkan,
penyangkalan;

pembantah 1. orang yg membantah; **2.** suka membantah.

bantai; membantai 1. menyembelih, memotong: *~ kerbau; 2.* memukul,
menghentam: *dibantainya orang itu dgn laras senapang; 3.* bp
makan, menggasak (makanan): *apa yg ditunggu lagi, mari kita
bantai apa yg sudah dimasak;*

bantaian 1. landasan tempat menyembelih (binatang); **2.** binatang
yg disembelih: *kerbau ~; 3.* pukulan, hentaman;

pembantaian 1. perihal menyembelih; **2.** tempat menyembelih
(binatang);

pembantai orang yg menyembelih, tukang sembelih.

bantal 1. galang kepala atau alas tempat duduk yg dibuat drpd kain
dijahit spt karung dan diisi dgn kekabu, sabut, span, dsb; **2.**
galang, alas (pd perkapalan);

~ budak sj penyakit pd perempuan yg baru melahirkan anak; *~
galang a) = ~ kepala* bantal tempat meletakkan kepala apabila

tidur); b) = ~ *golek* = ~ *peluk* bantal bulat yg panjang; ~ *sandar* bantal yg dipakai utk bersandar; ~ *seraga* bantal bulat yg bersulam; ~ *suari* bantal empat persegi berkerawang (sbg penghias);

lepas ~ berganti tikar prb laki-laki yg berkahwin dgn saudara atau keluarga isterinya yg meninggal; *mata tidur ~ berjaga* prb perempuan yg berbuat jahat ketika suaminya lengah; *orang mengantuk disorongkan* ~ prb mendapat sesuatu yg diperlukan dgn tidak disangka-sangka;

bantal-bantal 1. benda yg menyerupai bantal; 2. bantal kecil tempat jarum (peniti dll);

berbantal, berbantalkan memakai bantal; ~ *lengan* a) menggunakan lengan sbg bantal; b) seketiduran, tidur bersama-sama dgn kekasih;

membantalkan, memperbantalkan menggunakan sesuatu sbg bantal;

bantalan benda yg menyerupai bantal (balak penghalang landasan kereta api), bantal-bantal, palang, sengkang;

pembantal benda yg dipakai sbg penahan (lapik dll mis pd orang yg burut): ~ *itu akan membesarkan burut*.

bantam; *petinju kelas* ~ petinju yg beratnya antara 51 kg hingga 53.5 kg sekiranya profesional, atau antara 51 kg hingga 54 kg sekiranya amatur.

bantang → **bunting**.

bantar; **membantar** mencegah penyakit dll.

bantat I → **pantat**.

bantat II (bkn kek dsb) keras dan padat, tidak gebu dan tidak kembang.

bantau jaring utk menangkap burung, pukot tanah.

banteng (banténg) → **banting II**.

banter Jk cepat, kencang, keras (suara, bunyi, dll);

membanter; ~ *biola* menegangkan tali biola.

banteras; membanteras membasmi, menghapuskan, memerangi: ~ *buta huruf*;

pembanterasan perihal atau perbuatan membanteras, pembasmian;

pembanteras orang yg membanteras.

banting I; *mercun* ~ mercun yg berbunyi kalau dihempaskan ke tanah;

membanting 1. menghempas: *ombak* ~; **2.** = **membantingkan** menghempaskan (sesuatu): *ia balik ke rumah dan ~ diri di tempat tidurnya*; **3.** menjadikan bergoyang (bergoncang);

~ *cucian* memukulkan cucian; ~ *harga* Id menurunkan harga; ~ *padi* memukulkan batang-batang padi pd dinding kepuk supaya padi itu terpisah dr batangnya dan terkumpul di dlm kepuk; ~ *setir* Id memutar stering (motokar); ~ *tulang* bekerja keras (matimatian);

membanting-banting menggoyang-goyang, menghayun-hayun: ~ *kaki seraya berpantun*;

terbanting ki tercampak ke bawah, terhempas: *suaranya telah bergema ke hutan-hutan bakau dan ~ di tebing-tebing sungai*;

bantingan hempasan, goncangan;

pembantingan perihal membanting;

pembanting (orang, alat dsb) yg membanting: *mesin ~ padi*.

banting II sj lembu hutan, seladang, *Bos banteng*.

banting III sj perahu Aceh yg bertiang dua.

bantu; *guru* ~ Id guru penolong; *kata kerja* ~ Id kata kerja (spt *sudah, telah, pernah, masih, sedang, belum, akan*, dsb) yg digunakan sbg penolong kata kerja lain;

berbantu mempunyai (mendapat) bantuan: *ia hidup bersendirian dan tiada ~;*

berbantu-bantuan saling membantu antara satu sama lain: *jika perkara itu tidak berkehendak ~, maka wajiblah dikerjakannya sendiri;*

berbantukan menggunakan sesuatu atau seseorang bagi membantu melaksanakan sesuatu (tugas, kerja dsb): *pemelajaran membaca yg ~ multimedia sangat menarik dan dapat menggalakkan kanak-kanak membaca;*

membantu memberi pertolongan, menolong, menyokong: *keluarga itu sangat baik hati dan ~ saya dgn modal;*

membantu menolong: *sebarang kerja yg boleh dan patut dibantuinya;*

memperbantukan, membantukan menjadikan penolong: *tentera itu diperbantukan oleh negara-negara sahabat utk mempertahankan Malaysia;*

bantuan sesuatu yg diberikan atau dilakukan utk membantu, pertolongan, sokongan: *beberapa negara di Asia ini mendapat ~ ekonomi drpd Amerika Syarikat; ~ guaman bantuan kewangan yg diberikan oleh kerajaan atau sesebuah organisasi kpd orang yg tidak mampu membiayai kos khidmat peguam;*

pembantuan, perbantuan perihal (usaha, kegiatan, dsb) membantu: *kekayaan yg diperoleh bukanlah kerana kecerdikannya tetapi lantaran perbantuan isterinya;*

pembantu orang (alat dll) yg membantu, penolong: *anaknyanya seorang sahajalah yg merupakan ~nya; ~ rumah seseorang, biasanya perempuan, yg bekerja di rumah orang utk membuat kerja spt mengemas rumah, membasuh pakaian, memasak dll, orang gaji.*

bantun I; membantun mencabut dgn akar-akarnya: ~ *rambut*;

membantuni mencabuti;

terbantun tercabut.

bantun II; sebantun sj tumbuhan (pokok), medang pupoi, meroyan (jali) batu, urat rusa, *Vitex coriacea*.

bantut I terhalang atau tersekat (pekerjaan, pertumbuhan pokok, dll), tidak dapat mencapai kejayaan (kerana terhalang dsb);

membantut, membantutkan menyebabkan bantut (terbantut), menyebabkan tidak dapat mencapai kejayaan atau kemajuan dgn menimbulkan halangan atau rintangan: *apa halangan yg telah ~ perniagaan mereka?; rasuah akan ~ usaha pembangunan negara;*

terbantut terhalang atau tersekat hingga tidak dapat tumbuh (berkembang, mencapai kejayaan atau kemajuan, dll), tidak jadi, tidak selesai;

kebantutan perihal atau keadaan bantut;

pembantutan perihal atau (perbuatan) membantut(kan) atau menyebabkan terbantut.

bantut II Pl ikan bakar (yg dimasukkan rempah-rempah).

banu Ar anak, keturunan; → **bani I**.

banuan sj tumbuhan (pokok kecil), *Aporosa nigricans*.

banuk sj tumbuhan (pokok memanjat), akar batu pelir kambing, *Sarcolobus globosus*;

akar ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), akar kul, akar bani, Dischidia rafflesiana; akar ~ jantan sj tumbuhan (pokok memanjat), Cynanchum ovalifolium.

banyak 1. bukan sedikit, tidak sedikit: ~ *orang yg mempunyai cita-cita tinggi*; **2.** bilangan, jumlah: *berapa ~ wang yg kauterima?* **3.** sangat, sungguh: ~ *lagak*;

~ *aksi* membuat-buat supaya nampak elok; ~ *bicara* = ~ *cakap* = ~ *mulut* suka berleter; ~ *cantik* sr ungkapan utk menyatakan kemarahan, atau digunakan sbg gurauan dll; ~ *lemak* a) mempunyai atau diselaputi lemak yg banyak (bkn bahagian tubuh): *alat itu digerakkan di bahagian yg ~ lemak selama kira-kira 15 minit*; b) ki berkelakuan yg keterlaluan atau terlalu manja sehingga mengakibatkan orang lain meluat (bkn perilaku seseorang): “*Sekarang kau dah ~ lemak.*”; ~ *sedikitnya* a) jumlahnya, banyaknya; b) barang sedikit;

sebanyak sama banyak: *tidak ada wangku ~ itu*; *sedikit ~ sekurang-kurangnya*;

banyak-banyak **1.** dlm jumlah yg banyak: *pagi-pagi buta dia akan pergi ke pasar membeli sayur ~*; **2.** sungguh-sungguh, amat sangat: *terima kasih ~*;

sebanyak-banyaknya sebanyak mungkin: ~ *dapat diberi hanyalah sepuluh ringgit*;

berbanyak-banyak beramai-ramai, bersama-sama dlm bilangan yg banyak: *mereka menyerbu ~*;

membanyaki **1.** memperbanyaki; **2.** menyerang (mengerjakan, mendatangi dsb) beramai-ramai, memperamaikan;

memperbanyaki menjadikan banyak, menambah agar menjadi banyak: ~ *ahli agar parti menjadi kuat*;

membanyakkan **1.** menjadikan banyak, membuat (supaya) menjadi banyak, menambah banyak: *dia meminta supaya kerajaan ~ lagi bantuan kpd sekolah-sekolah Melayu*; **2.** =

memperbanyakkan mendarabkan, mengalikan, menggandakan: ~ *25 dgn 4*;

memperbanyak menjadikan lebih banyak, membuat supaya menjadi lebih banyak;

terbanyak paling banyak, terlampau banyak: *parti itu mempunyai suara yg ~ dlm parlimen;*

banyakan Jk barangkali, mungkin sekali;

kebanyakan 1. jumlahnya, banyaknya: *bukan ~ tetapi nilainya yg penting;* 2. sebahagian besar, yg terbanyak: *kerajaan mendapat sokongan drpd ~ ahli parlimen;* 3. biasa: *dia bukan kuli ~, tetapi seorang yg mempunyai cita-cita tinggi; orang ~ orang biasa;* 4. biasanya, amnya: *Raja Haji Yahya telah mencatatkan cerita rakyat Melayu yg ~nya kita istilahkan sbg cerita-cerita pelipur lara;* 5. Jk sangat banyak, terlampau banyak;

perbanyakkan pergandaan, perkalian; *melakukan ~ mendarab;*

pembanyakan perihal (perbuatan, tindakan dsb) membanyakkan: *salah satu syor yg terkandung dlm penyata itu ialah ~ sekolah pertukangan.*

banyo IB sj alat muzik (rupanya spt gitar).

banyol Jk 1. jenaka, lawak; 2. = **banyol** tukang lawak;

membanyol berjenaka, berlawak.

banyu cairan yg dibuat drpd air nyiur dan bakaran besi tua atau arang tempurung (utk menghitamkan gigi atau mencelup kain); ~ *lebah* sl air madu.

banyun → **banyu**.

bap bunyi benda jatuh; → **debap**.

bapa 1. ayah; *ibu* ~ orang tua; 2. saudara laki-laki ibu atau bapa: ~ *ngah;* 3. panggilan kpd orang tua sbg tanda hormat kepadanya; 4. perintis jalan, pelopor: *Dato' Onn dapat dianggap ~ kemerdekaan Malaya;* 5. Id orang yg dipandang sbg orang tua (spt guru, ketua kampung, dsb);

~ *angkat* orang yg tidak ada pertalian darah tetapi dianggap sbg bapa sendiri; ~ *ayam* a) ayam jantan; b) bapa yg tidak

mempedulikan anaknya; c) lelaki yg memperdagangkan pelacur; ~ *balar* Tr kerbau jantan yg balar; ~ *besar* datuk; ~ *cik* a) adik laki-laki bapa atau emak; b) panggilan anak-anak kpd orang laki-laki dewasa; ~ *kecil* = ~ *muda* bapa cik; ~ *Suci* Paus (di Rom); ~ *saudara* abang atau adik lelaki kpd ibu atau bapa; ~ *tiri* suami emak (bukan bapa kandung); ~ *tunggal* lelaki bergelar ayah yg membesarkan serta mendidik anaknya seorang diri tanpa kehadiran isteri kerana perceraian, kematian dsb;

sebapa mempunyai bapa yg sama (tetapi berlainan emak), seayah;

berbapa **1.** mempunyai bapa, berayah: *sejak kecil lagi dia sudah tidak ~*; **2.** menganggap seseorang sbg bapa, berayah; **3.** menyebut bapa;

berbapakan mempunyai seseorang (yg berbangsa, berpekerjaan, bersifat, dsb yg dinyatakan) sbg bapa, berayahkan: ~ *seorang Inggeris*; ~ *seorang polis*; ~ *seorang yg pembengis*;

kebapaan sifat sbg bapa, keayahan: *dia menunjukkan sifat-sifat ~ yg tulen.*

bapai sl bapa.

bapak bp bapa.

bapanda ark ayahanda.

bapang ark bapa (panggilan).

bapet (bapét) Jk **1.** buruk, tidak baik; **2.** tidak mempunyai wang.

baptis upacara merenjis air pd seseorang atau mencelupnya ke dlm air, menerimanya sbg ahli Gereja Kristian dan (biasanya) memberikan nama kepadanya (di samping nama keluarganya);

membaptis, membaptiskan menerima seseorang sbg ahli Gereja Kristian: *dia tidak pernah ke gereja walaupun masa lahirnya dia telah dibaptiskan*;

pembaptisan perihal (perbuatan, upacara) membaptis(kan).

babuk bp laki-laki yg lebih bersifat keperempuanan, pondan.

baqa Ar tidak berubah (selama-lamanya), kekal: *meninggalkan dunia yg fana dan pulang ke alam ~;*

kebaqaan perihal (keadaan) baqa: *jika seseorang telah benar-benar merindui Tuhan, maka kefanaannya akan tenggelam dlm ~ Tuhan.*

baqarah Ar lembu betina: *surah al-B~.*

bar I batang besi dll;

~ pengagih (Fiz) logam yg membahagi-bahagi aliran elektrik; ~ perangkai plumbum (Fiz) timah hitam yg merangkaikan anak-anak bateri dlm bateri kepuk.

bar II kaunter, ruang, dll tempat minuman (terutamanya minuman keras) disajikan.

bara I = *~ api* serpihan (arang batu, kayu) yg bernyala dlm api yg hampir padam; *batu ~ arang batu;*

(bagai) terpijak ~ hangat prb gelisah kerana sesuatu perkara; *genggam ~ api biar jadi arang* prb jika melakukan pekerjaan yg susah haruslah dgn sabar sehingga mendapat nikmatnya nanti; *jangan digenggam spt ~ api terasa hangat dilepaskan* prb sia-sia berbuat pekerjaan yg separuh jalan, terasa penat berhenti; *jejak-jejak ~ prb hampir-hampir sampai; menggeletek-geletek bagai ~ bilah* prb dikatakan kpd orang yg mengada-ada; *tarik puntung padamlah ~ prb apabila telah mati hilanglah daya upaya;*

berbara 1. mempunyai bara, merah berapi: *kayu itu masih ~;* **2.** ki berkobar-kobar, bernyala-nyala: *setahun ia menanti dgn harapan yg masih ~ di dadanya;*

membara 1. berapi atau panas spt bara; **2.** ki berkobar-kobar, bernyala-nyala, sangat marah: *hatinya ~ kerana dihina ;*

membarai membuat jadi membara, mengobar-ngobarkan, membuat jadi marah: *nyata benar ia mahu ~ hati suaminya;*

perbaraan, perbara tempat bara api utk membakar kemenyan;

pembaraan proses menjadi panas berapi spt bara.

bara II; *gajah* ~ Pr gajah ganas; → **barak I.**

bara III Tr kembara.

baragajul (Sunda) ark (orang yg) suka membangkitkan marah orang;
bergajul.

barah 1. sj bisul besar yg bernanah; **2.** ketumbuhan berbahaya pd kulit atau pd tisu di dlm tubuh yg disebabkan oleh pertumbuhan sel yg tidak mengikut kadar yg normal (disebabkan oleh pengaruh bahan-bahan karsinogen spt bahan kimia dan virus), kanser; **3.** sesuatu keadaan (perkara, perkembangan, dll) yg sangat buruk pengaruh atau akibatnya dan boleh merebak atau menular;

~ *batang* barah di pertemuan paha dan badan; ~ *batu* barah yg keras spt batu (dekat dubur); ~ *bir* barah dekat dubur; ~ *bunyi* barah di dada; ~ *cika* barah di dlm perut; ~ *empong* barah di ari-ari; ~ *gajah* barah di dlm perut; ~ *kelawar* barah di bawah ketiak; ~ *kepala beruang* barah pd bahu atau lutut; ~ *kepala harimau* barah di bawah mata kaki; ~ *kundur buruk* barah di perlipatan lutut; ~ *nangka* barah di betis; ~ *raja* barah yg sangat sakit; ~ *sisik* barah yg selalu mengelupas; ~ *sisip* barah di bawah tulang rusuk; ~ *tetek* barah pd susu, mastitis; ~ *tiarap* barah yg menyebabkan luka di dlm; ~ *ular* = ~ *batang*;

membarah menjadi barah: *jeritan hatiku terus melarat hingga ~ ke dlm jiwa.*

barai I sj siput air tawar, *Lingular spp.*

barai II; **terbarai** jatuh bertebaran: *buah langsung yg dikendongnya itu ~ apabila karung itu koyak.*

barak I garang, ganas, hebat, kasar, kuat; *patah* ~ hilang garang, menjadi jinak (gajah); **bara II**.

barak II Kl banyak.

barakan (barak.an) Jw pergi berkunjung beramai-ramai dr rumah ke rumah, biasanya pd hari raya utk bertakbir.

barakuda (ikan) alu-alu.

baran I hutan yg berpayaya-paya, hutan rawa: *babi* ~.

baran II pemarah, lekas marah; *panas* ~ cepat naik darah, lekas marah, sangat pemarah: *pemuda itu mempunyai resmi yg panas* ~.

barang 1. benda: *apabila ada ~ dibelikan suami janganlah ~ itu tertanggal dr badan lagi*; **2.** (segala) sesuatu, apa sahaja: *Serang Sakar pembengis dan kasar ~ cakupnya*; **3.** lebih kurang, kira-kira: *ada ~ tiga musim antaranya maka datanglah kapal itu*; **4.** agar, mudah-mudahan: *ia meminta doa kpd Tuhan ~ dianugerah-Nya akan mereka tempat yg kebajikan*; **5.** baik, walau: *~ ke mana pergi dibawanya anaknya*; **6.** semestinya, sepatutnya, sewajarnya: *itu sudah ~ tentu*;

~~~ *antara* (Eko) barang-barang yg digunakan utk membawa barang-barang lain; *~ apa* segala sesuatu, apa sahaja; *~ bahan* Id barang yg akan dibuat sesuatu; *~ baki* (Eko) barang-barang sebuah syarikat dll yg disenaraikan serta nilainya, inventori; *~ besi* (*logam, tanah, dll*) barang yg dibuat drpd besi (*logam, tanah, dll*); *~ bila* (*kala*) sesuatu waktu, bila-bila saja; *~ cetak(an)* barang-barang yg dicetak (spt buku, majalah, dll); *~ dagangan* barang-barang yg akan dijual; *~ ekonomi* barang-barang yg terbatas banyaknya dan boleh dijualbelikan; *~ gelap* barang yg tidak sah (barang curian, barang seludupan); *~ kemas* (*perhiasan, persolekan*) barang yg dipakai utk kecantikan; *~ kes* (Udg) objek, dokumen dsb yg dikemukakan dlm mahkamah sbg bukti utk

sesuatu kes perbicaraan ; ~ *mewah* barang-barang yg dipakai utk kemegahan (kecantikan); ~ *modal* (Eko) barang-barang yg dipakai utk menghasilkan barang lain; ~ *orang* sebarang orang; ~ *pakaian* segala macam pakaian; ~ *pecah belah* (*pecahan* ark) barang tembikar; ~ *pembantu* (Eko) barang-barang yg menambah pendapatan; ~ *penanding* (Eko) barang-barang yg menandingi atau boleh jadi pengganti kpd barang lain; ~ *penggenap* (Eko) barang-barang yg menambah penggunaan barang lain kalau ditambah penggunaannya; ~ *pusaka* barang peninggalan orang tua dll; ~ *runcit* barang yg dijual sedikit-sedikit; ~ *seni* hasil kesenian; ~ *sesuatu* segala sesuatu, segala apa; ~ *siap* barang yg sudah diproses utk jualan; ~ *siapa* sesiapa saja; ~ *tetap* harta benda yg tidak dapat dipindah-pindahkan (rumah, tanah, dll); *ada wang ada* ~ kalau sanggup membayar tentu mendapat barang yg lebih baik;

**barang-barang** 1. barang; 2. = **sebarang**;

**sebarang** biasa saja, tidak istimewa, asal sahaja; *bukan* ~ a) bukan yg biasa sahaja; b) bukan sedikit, luar biasa (sangat banyak sekali dll); c) bukan apa-apa;

**barangan** (Eko) benda atau perkhidmatan yg dijualbelikan.

**barangas** sj siput, *Patella spp.*

**barangkali** boleh jadi, mungkin, mudah-mudahan: ~ *betul kata engkau itu*;

**kebarangkalian** (Mat) pengukuran kemungkinan berlakunya sesuatu (perkara, hal) dinyatakan sama ada dlm bentuk pecahan atau peratusan.

**barap** ark; **pembarap** pegawai marga di bawah pesirah (di Palembang).

**baras** Ar penyakit kusta.

**barat I** 1. mata angin, arah tempat matahari terbenam, lwn timur: *garis khatulistiwa melintang dr timur ke ~*; 2. (biasanya dlm huruf



besar) a) Eropah dan benua Amerika; b) (politik dunia) Eropah Barat dan Amerika; **3.** Ph, Kl; *orang* ~ orang Kelantan;

~~~ *daya* mata angin antara barat dan barat daya; ~~~ *laut* mata angin antara barat dan barat laut; ~ *daya* mata angin antara barat dan selatan; ~ *daya semata selatan* mata angin antara barat daya dan selatan; ~ *gunung berendam* barat tepat; ~ *laut* mata angin antara barat dan utara; ~ *laut semata* ~ mata angin antara barat laut dan barat; ~ *tepat* barat benar-benar;

membaratkan menjadikan (sesebuah negara dsb) meresapi adat, cara hidup, kelakuan, dll orang Barat: *gerakan Pan-Islam ini mula merosot terutamanya sewaktu Mustapha Kamal Atatürk menghapuskan kesultanan Turki dan ~ negaranya;*

kebaratan, kebarat-baratan meniru-niru (adat, cara hidup, kelakuan, dll) orang Barat, berlaku spt orang Barat: *inilah yg terjadi kpd pelajar yg terlalu ~;*

pembaratan perbuatan (usaha, kegiatan, dsb) menjadikan (sesebuah negara dsb) meresapi adat, cara hidup, kelakuan, dll orang Barat: *pemodenan yg berasaskan tamadun Barat; ini mengakibatkan proses urbanisasi, perindustrian, modenisasi, dan ~ ke dlm sistem budaya orang Cina.*

barat II sesat; *sesat* ~ sesat benar.

barat-barat; *ikan* ~ sj ikan laut, a) *Alutera spp.*; b) *Monocanthus spp.*; c) *Triacanthus spp.*

barau-barau I sj ikan darat, sebarau, *Hampala macrolepidota*.

barau-barau II; ~ *bukit* = *bebarau bukit* sj burung, *Hypsipetes maccllellandii*; *burung* ~ sj burung, *Pycnonotus zeylanicus*.

barbar IB tidak beradab (orang, bangsa, dll).

barbarisme **1.** cara atau perbuatan yg tidak beradab; **2.** Id pemakaian (pembentukan) kata-kata dgn cara bahasa asing (tidak sesuai dgn jalan bahasa sendiri).

barbeku (barbéku) **1.** jamuan di tempat terbuka (spt perkarangan rumah dll) dgn hidangan daging, ayam, udang, dll yg dipanggang; **2.** daging, ayam, udang dll yg dipanggang dan dimakan di tempat terbuka;

membarbeku memanggang daging, ayam, udang, dll di tempat terbuka.

barbiturat sj dadah yg boleh menenangkan keresahan (juga digunakan sbg obat tidur).

barbur bunyi spt bunyi barang jatuh ke dlm air; *orang* ~ pemboros (orang yg suka membuang-buang wang).

bardi ark sj tumbuhan (pokok kecil) yg tumbuh di tepi Sungai Nil (daunnya spt penyapu).

bareh (baréh) hutang;

berbareh berhutang.

bareng (baréng) Jw; **berbareng**, **berbarengan** bersama-sama, serentak (dgn), berteepatan (dgn);

membarengi bersama-sama dgn, mengiringi, menyertai.

baret (barét) Jk tergores pd kulit.

bari I papan penutup lubang peraka (pd perahu).

bari II Jk sambil; → **sembari**.

bari III → **bahari I**.

bari IV Kl cerita (lama).

bari-bari sj lalat kecil yg selalu mengerumuni buah-buahan.

barid Ar utusan, suruhan.

barik I garis-garis atau belang-belang (pd marmar, kayu, dll), bintik-bintik (mis telur merbah); *naik* ~ terbit tabiatnya;

berbarik-barik bergaris-garis, berbintik-bintik.

barik II; *pokok ~ sisik putih* sj tumbuhan (pokok), *Desmodium triflorum*.

baring; berbaring 1. merebahkan badan pd sesuatu (spt katil, bangku panjang, dsb) biasanya dlm keadaan menelentang: *membaca buku sambil ~ di atas sofa; ~ mengiring* berbaring dgn sisi tubuh kena pd lantai dsb; **2.** = **berbaring-baring** merebahkan badan spt keadaan ketika tidur (utk merehat-rehatkan badan): *selepas makan tengah hari, dia ~ di serambi rumahnya;*

bersebaringan berbaring bersama-sama di tempat yg sama;

membaringkan meletakkan badan dlm keadaan berbaring: *perempuan itu ~ anaknya di atas tikar;*

terbaring terletak (berada) dlm keadaan berbaring: *sesudah dilanggar kereta dia jatuh ~ di jalan;*

perbaringan tempat berbaring (spt katil, pangkin, tilam, dsb): *ketika itu aku di ~ kerana diserang demam kepialu.*

baris 1. banjar atau deret yg merupakan garis lurus (pokok, huruf, dll): *dia menangis setelah membaca dua tiga ~;* **2.** ark = **barisan** pasukan; *~ Sipahi;* **3.** bp = **berbaris**: *askar itu sedang ~;* **4.** garis, gores: *perkataan yg diturunkan pd kad harus dibubuh ~ di bawahnya;* **5.** tanda vokal dlm bahasa Arab; *~ di atas fathah; ~ di bawah kasrah; ~ di hadapan dammah;* **6.** = *~ sajak* deret (untaian) kata-kata yg merupakan satu bahagian drpd bait dlm sajak; *~ gilir* (Komp) kumpulan atau senarai tindakan, kerja, dll yg tersusun dlm satu baris untuk diproses satu persatu; *~ laksamana* garisan yg dianggap mempunyai hikmat; *~ mati* tanda bunyi mati; **sebaris** (berada) dlm satu baris, sederet: *rumahnya terletak ~ dgn rumah kakak iparnya;*

menyebarkan menyusun atau meletakkan sesuatu sebaris: ~
ubin di sepanjang tepi tembok;

penyebarisan perihal (perbuatan, tindakan dsb) menyebarkan;

berbaris 1. tersusun dlm baris-baris tertentu, berderet, berbanjar, berjajar: *di kiri kanan jalan itu ~ pohon-pohon getah;* **2.** berdiri (berjalan dsb) beramai-ramai dlm baris tertentu: *mereka sedang belajar ~;* **3.** mempunyai (dibubuhi) baris (garis), bergaris: *ayat yg ~ di bawahnya;*

membaris 1. sl berdiri (berjalan dsb) beramai-ramai dlm baris yg tertentu; **2.** merupakan baris; **3.** menembak: *kemudian ditariknya meriam, dibarisnya kpd Panglima Selampit;*

membarisi 1. berdiri (berjalan dsb) dlm baris-baris tertentu: *orang ramai ~ jalan utk melihat perarakan itu;* **2.** berada dlm deretan: *beberapa biji jerawat ~ hidungnya;*

membariskan 1. menyusun (mengatur) dlm barisan; **2.** menyuruh (melatih) berjalan dlm barisan; **3.** membuat baris dgn sesuatu: *ia ~ dakwat merah di buku itu;* **4.** membubuh (meletakkan) baris (pd tulisan Arab): ~ *huruf-huruf al-Quran supaya mudah dibaca;* **5.** mengemukakan: *pengarah itu ~ artis-artis baru dlm filem arahnya;* *ia hanya ~ Dharmawijaya bersama-sama A. Samad Said, Salmi Manja, A. Wahab Ali, Kemala dan Jihaty Abadi;*

barisan 1. banjaran, deretan, jajaran: ~ *bukit;* **2.** pasukan: ~ *pemain Malaysia;* ~ *penyerang;* **3.** pertubuhan (pergerakan) yg ditubuhkan dgn tujuan dan peranan yg tertentu;

B~ Pembebasan Palestin; ~ *belakang* pasukan yg berada di garis belakang pertempuran; ~ *depan* pasukan yg berada di garis depan pertempuran; ~ *kehormatan* pasukan utk menghormati kedatangan orang besar; ~ *pemadam kebakaran* Id pasukan ahli bomba; ~ *teras* Id pasukan induk;

perbarisan **1.** perihal berbaris: *upacara ~ tamat latihan tentera*;
2. kumpulan orang yg berbaris: *memeriksa ~; ~ raksasa; ~ raksasa* perbarisan yg diadakan secara besar-besaran;

pembaris = *kayu* ~ kayu lurus bersengat yg dipakai utk membuat baris atau mengukur sesuatu.

bariton (Muz) suara lelaki antara bes dan tenor.

barium (Kim) sj logam lembut yg berwarna putih perak.

barkas IB sj kapal yg kecil.

barli **1.** tumbuhan bak pokok padi, yg ditanam utk bijirin dan makanan ternak; **2.** bijirin yg dihasilkan oleh tumbuhan ini, digunakan utk membuat bir, wiski, dll.

barograf barometer yg merakamkan bacaannya secara automatik.

barogram rakaman tekanan atmosfera yg dihasilkan oleh barograf.

barok gaya yg halus dan indah, terutamanya dlm seni bina, seni lukis, muzik dsb, yg sangat popular di Eropah pd abad ke-17 dan ke-18.

barometer (barométer) **1.** alat utk menyukat tekanan udara, jangka tekanan; **2.** ki sesuatu yg dijadikan ukuran bagi mengetahui perubahan atau perkembangan sesuatu (situasi, pendapat umum, harga pasaran dsb): *gagasan itu dijadikan ~ utk mengukur sama ada sesebuah negara itu bermusuhan atau sebaliknya; perkembangan terbaru dlm arena politik mewujudkan ~ baru tentang perpaduan antara wilayah di negara itu.*

baron **1.** anggota taraf terendah dlm kedudukan bangsawan di Britain; **2.** orang bangsawan di Eropah.

barong; barongan Jw sj tarian yg penarinya memakai topeng binatang.

barongsai sj barongan Cina.

barter perdagangan dgn cara tukar-menukar barang.

baru **I** **1.** belum (tidak) ada sebelumnya, (yg) belum lama wujud (dikeluarkan, diterbitkan, dsb): *negara-negara ~; kereta jenis ~;*

majalah ~; **2.** belum pernah atau belum lama dilaksanakan (dicuba, digunakan, dsb): *cara-cara* ~; **3.** belum dipakai lagi atau belum lama dipakai: *basikal* ~; *kasut* ~; **4.** belum lama lagi menjadi atau berlaku (bekerja, bertindak, dll) sbg: *murid* ~; *ketua* ~; **5.** masih segar (belum lama dipetik, ditangkap, dsb): *ikan* ~; **6.** moden: *angkatan* ~; **7.** belum berapa lama lagi (dahulu): *saya* ~ *datang*; **8.** apabila saja, sesudah: ~ *digertak dia sudah lari*; **9.** pd masa itulah, pd ketika tertentu (berikutan dgn sesuatu dll): *selepas saya jelaskan* ~ *dia sedar*; **10.** kelihatan masih cantik atau tidak terjejas dsb (kerana belum sering digunakan, terpelihara dgn baik, dll);

baru-baru; ~ *ini* tidak lama dahulu, tidak berapa lama sebelum ini: *kita menyokong perbahasan itu dlm Perhimpunan Agung UMNO* ~ *ini*;

membarukan menjadikan baru, membetulkan sesuatu supaya spt baru: *hasratnya utk* ~ *gaya itu sendiri*.

baru II 1. sj tumbuhan (pokok yg berbunga), baru-baru, bebaru, *Hibiscus tiliaceus*; ~ *gunung* sj tumbuhan (pokok), *Hibiscus similis*; ~ *landak* sj tumbuhan (pokok), *Hibiscus mutabilis*; **2.** sj tumbuhan (pokok), ~ *laut* sj tumbuhan (pokok), *Thespesia populnea*.

barua 1. orang perantaraan yg digunakan utk mengerjakan sesuatu pekerjaan jahat, muncikari, alku, ketolol, pinang muda, jaruman; **2.** kata makian.

baru-baru sj tumbuhan (pokok yg berbunga), baru, bebaru, *Hibiscus tiliaceus*.

baruh I 1. bawah: *di* ~ *bukit*; **2.** tanah yg di sebelah bawah (hilir, dekat pantai): *orang* ~; **3.** Kl sawah: *padi* ~.

baruh II Jh cempedak.

barang I sj tempat yg beratap tempat berjual, warung;

barang-barung Mn pondok di sawah.

barang II sj tumbuhan (pokok), kunkuman jantan, obak, sito,
Elaeocarpus robustus.

barus; kapur ~ sj bahan berwarna putih yg diambil drpd sj pokok, yg baunya mencucuk hidung dan biasanya digunakan utk membuat ubat atau digunakan ketika memandikan dan membungkus mayat (dlm masyarakat Islam).

barusan Jk baru saja, belum lama lagi.

barut I kain pembalut (luka dll), kain utk membebat (perut anak yg baru lahir atau ibu yg baru melahirkan anak);

~ *kereta* kain pembebat anak yg baru lahir atau perempuan yg baru melahirkan anak (yg berupa kain tebal yg berjahit dgn tali-tali utk mengikat perut); ~ *panjang* kain pembebat perut perempuan yg baru melahirkan anak (dibuat drpd kain yg panjangnya lebih kurang 5 ela);

berbarut memakai barut, dibalut dgn barut: *sapukan ramuan khas pd seluruh permukaan perut sebelum ~*;

membarut memakaikan barut, membalut (membebat) dgn barut: ~ *perut anaknya*;

pembarutan perbuatan membarut;

pembarut pembalut, pembebat.

barut II Mn; **membarut** menggosok, mengurap, melumas, menyapu.

barzakh Ar; *alam* ~ (dlm agama Islam) alam tempat roh orang mati berada sementara menunggu hari dibangkitkan semula di Padang Mahsyar, alam kubur: *ia pun menghembuskan nafas yg penghabisan lalu kembali ke alam ~*.

barzanji → **berzanji**.

bas I sj kenderaan besar yg membawa penumpang yg beroperasi, biasanya mengikut jadual perjalanan tertentu;

~ *ekspres* bas utk perjalanan jauh yg singgah hanya di beberapa bandar besar saja atau di tempat-tempat makan; ~ *kilang* bas yg disediakan khas utk membawa pekerja yg berulang-alik ke tempat kerja mereka (di kilang dsb); ~ *mini* bas pendek (kecil) yg dibenarkan membawa penumpang antara 16 hingga 20 orang saja; ~ *persiaran* bas yg digunakan khas utk membawa pelancong bersiar-siar; ~ *sekolah* bas yg digunakan utk membawa kanak-kanak sekolah berulang-alik ke sekolah mereka pd hari-hari persekolahan; ~ *sewa khas* bas yg ditempah khas utk satu-satu perjalanan (spt utk membawa rombongan melawat ke sesuatu tempat); ~ *troli* bas yg dijalankan dgn kuasa elektrik.

bas II IB **1.** kepala pekerja (mandur, majikan, dll); **2.** pemborong pekerjaan.

bas III IB nada yg rendah (pd muzik), bes.

bas IV (Komp) kumpulan talian selari yg menyambungkan dua atau lebih peranti utk membolehkan kawalan, perhubungan, dan pertukaran maklumat dilakukan dgn menggunakan talian yg sama.

basa I Mn bahawa.

basa II Id (Kim) bes.

basa III sopan santun, tingkah laku yg baik: *sejak hari ini hendaklah engkau habisi segala hutang budi hutang ~;*

basa-basi Mn adat istiadat, sopan santun: *sukar mencari seorang perempuan yg indah ~nya spt Khatijah;*

berbasaan bermanis mulut, memperlihatkan sopan santun: *mereka itu sama-sama mengadu ~ bermanis mulut, memperlihatkan kebaikan budi masing-masing.*

basa IV agak, sedikit: *angin sepoi-sepoi ~;* → **bahasa III.**

basah 1. mengandungi air, lwn kering: *bajuku ~*; 2. masih baru, belum dikeringkan: *getah (daging, ikan) ~*;

kena tangkap ~ = tertangkap ~ ditangkap kerana berkhawat; ~ kuyup = ~ jekeh (jeruk) Kl basah semuanya sehingga menitik-nitik airnya;

direndam tak ~ prb orang degil dan kikir yg tidak dapat dibaiki; sudah ~ kehujanan prb kemalangan yg bertimpa-timpa;

berbasah-basah, berbasahan membiarkan diri basah: *kalau tidak kerana urusan penting buat apa aku ~ dlm hujan begini;*

membasahi menyebabkan menjadi basah: *air mata ~ pipinya;*

membasahkan menyebabkan sesuatu menjadi basah dgn mencurahkan (merenjiskan dll) air: *~ rambut; ~ tekak minum air (sedikit);*

basahan 1. (sesuatu) yg dipakai pd masa mandi: *kain ~*; 2. (sesuatu) yg dipakai hari-hari: *gelang ~; baju ~*; 3. sesuatu yg telah menjadi perkara biasa: *minuman keras sudah menjadi ~ kpd setengah-setengah orang; sahaja ~ prb sudah menjadi kebiasaan berbuat sesuatu perbuatan yg tidak baik;*

kebasahan keadaan basah: *ia sedang menggosok-gosok senapang yg ~ sedikit kerana peluh; bahan itu mungkin rosak disebabkan oleh ~;*

kebasah-basahan agak basah: *bulu kucing itu~;*

pembasahan perihal (perbuatan) membasahkan.

basal sj penyakit bengkak-bengkak pd badan atau sembap (kerana sakit beriberi).

basalt (Geo) batu igneus berwarna gelap yg terdiri drpd feldspar dll dan biasanya piroksena, yg berasal drpd gunung berapi.

basau tidak empuk, tidak gebu (bkn keledak dll).

basi I **1.** sudah busuk dan tidak boleh dimakan lagi (bkn makanan yg disimpan terlalu lama dan tidak dipanaskan semula): *sayur lemak semalam sudah ~*; **2.** tidak baru, sudah lama (bkn khabar dll): *ada kalanya berita itu dimuatkan ketika sudah ~*; **3.** tidak manjur, tidak mustajab (bkn mantera dll): *doanya ~ sahaja*;

membasikan menjadikan basi, membiarkan jadi basi.

basi II **1.** wang persediaan (cadangan dll); **2.** jumlah wang yg dipotong jika menukar wang besar; **3.** potongan harga kalau membeli banyak; **4.** lebihan (baki) wang; **5.** bahagian tepi kain dll yg dilebihkan (lebih kurang satu inci) ketika mencantumkan dua keping kain dll;

membasikan **1.** mengadakan basi (wang persediaan); **2.** mengadakan basi (potongan harga); **3.** mengadakan basi (kain dll).

basi III sj pinggan.

basi IV; *basa-~*; → **basa III**.

basikal sj kenderaan beroda dua yg ditunggang dgn mengayuh pedalnya;

berbasikal menunggang basikal: *budak itu ~ ke sekolah*.

basil IB sj kuman.

basilus (Bio) bakteria yg berbentuk batang, sesetengahnya boleh mengakibatkan penyakit pd haiwan vertebrat atau pd serangga.

basinet (basinét) bakul drpd anyaman rotan yg mempunyai tudung di bahagian atasnya, digunakan utk membuai atau membawa bayi.

basir Ar **1.** penglihat mata hati; **2.** ark terang, nyata kelihatan: *lampu pelita kurang ~*.

basis IB **1.** asas, dasar; **2.** garis dasar, tapak; **3.** pangkalan (angkatan laut, angkatan udara).

baskom IB bp baldi tempat air cuci muka.

basmi; **membasmi** menghapuskan, membanteras, memerangi: *~ buta huruf*;

pembasmian perihal (tindakan, usaha, dsb) membasmi;

pembasmi orang (alat dll) yg membasmi.

bastar IB keturunan drpd mamak dan bapa yg tidak sebangsa (sejenis).

basuh cuci, kumbah: *air ~ tangan; naik ~ kaki = tak payah ~ kaki tangan* prb mengerjakan sesuatu pekerjaan dgn senang;

membasuh 1. membersihkan sesuatu dgn air, mencuci: *~ kain; ~ beras; 2.* ki menjadikan tidak ada lagi (kenangan pahit, kekejian, malu, dsb), mencuci: *~ dosa dgn meminta ampun kpd Tuhan; 3.* bp memarahi dan meleteri seseorang: *aku ~ dia cukup-cukup tadi; 4.* menghapuskan, menyapu bersih: *~ orang yg antiperpaduan;*

basuhan (sesuatu) yg dibasuh, cucian;

pembasuhan perihal (perbuatan) membasuh, pencucian;

pembasuh 1. orang yg kerjanya membasuh, pencuci; **2.** alat yg digunakan utk membasuh, pencuci: *mesin ~ kain; ~ balai (meja) belanja bicara; ~ mulut* minuman atau penganan sesudah makan nasi; *~ tangan* upah yg diberikan kpd orang yg disuruh bekerja.

basuk sj pokok yg kuning kayunya.

basun sj alat muzik tiup drpd kayu yg menghasilkan bunyi bernada rendah yg dimainkan dlm orkestra.

basung I 1. sj akar kayu yg ringan (spt gabus); *kayu ~ kayu yg ringan, kayu gabus; 2.* ki tidak berisi, tidak mengandungi sesuatu yg penting; *buah ~ omong kosong, borak.*

basung II daun yg digulung spt pembuluh utk membungkus sagu.

basung III ark dua dozen, dua puluh empat.

basung IV Mn; **membasung** menendang tinggi-tinggi (bola);

basungan tendangan yg tinggi.

basut ark pancaran air;

membasut, berbasut memancar, memancut.

bata I 1. = *batu* ~ bongkah segi empat bujur yg dibuat drpd tanah liat dan dibakar, digunakan utk tujuan pembinaan: *rumah yg dibuat drpd ~; membakar ~*; **2.** sesuatu yg mempunyai bentuk bata: ~ *emas; ~ garam; ~ timah.*

bata II; bata-bata, terbata-bata, kebata-bataan ragu-ragu, bimbang: *ia agak terbata-bata menyambut tamu yg tidak disangka-sangka datangnya itu.*

batai 1. sj tumbuhan (pokok), *Paraserianthes spp.*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Cassia timorensis*; **3.** sj tumbuhan (pokok), *Derris dalbergioides*; ~ laut sj tumbuhan (pokok), *Peltophorum ferrugineum.*

batak I sl pengembara, nomad;

membatak 1. mengembara, bertualang; **2.** merompak, menyamun, merampas;

pembatak penyamun, perompak.

Batak II; *orang* ~ a) orang asli; b) suku bangsa yg hidup di Sumatera; *bersesalan bagai ~ lari* prb jikalau di dlm suatu kelompok terjadi bencana, maka satu menuduh yg lain yg bersalah.

batal 1. tidak sah, tidak berlaku lagi, mansuh: *sah ~ terserah pd lembaga; kerana dia tersentuh suaminya, air sembahyangnya ~*; **2.** tidak jadi, gagal, tidak berhasil: *niatnya hendak pulang ~ kerana kematian anaknya*; **3.** tidak sah diperlakukan, tidak laku lagi (bkn cek, tiket, dsb);

membatalkan 1. menyatakan tidak sah (berlaku lagi): *parlimen berhak ~ undang-undang*; **2.** meniadakan, menggagalkan, mengurungkan: *Amerika Syarikat ~ bantuannya kpd negara-negara yg prokomunis*;

terbatal dibatalkan: *perjanjian itu dianggap tidak sah atau ~ jika syarat-syarat yg ditetapkan tidak dipatuhi*;

pembatalan perihal (tindakan, perbuatan, dsb) membatalkan: *parlimen menyetujui ~ undang-undang itu;*

pembatal (sesuatu) yg membatalkan; *kuasa ~ kuasa* yg membatalkan.

batalion 1. unit tentera yg terdiri drpd tiga kompeni atau lebih: *pd tahun 1937, hanya ada lima ~ tentera di Tanah Melayu;* **2.** bp (sesuatu) kumpulan yg ramai: *dia membawa satu ~ kawannya ke rumah pd hari raya.*

batan; *batu --;* → **batu.**

batang I 1. bahagian pokok yg tumbuh drpd akar: *tebu menyimpan gula dlm ~;* **2.** tangkai (cangkul, dayung, dll): *~ joran;* **3.** benda yg panjang: *besi ~;* **4.** benda yg panjang dan bulat: *~ kaki;* **5.** penjodoh bilangan bagi benda yg panjang-panjang: *se~ jalan;* **6.** ark bangkai, mayat; *sudah menjadi ~ sudah mati;*

~ air sungai; ~ bersih (Hut) batang pokok yg lurus dan tidak bercabang; *~ dacing* lengan dacing (kayu panjang pd dacing yg memakai mata); *~ dayung* tangkai dayung; *~ hari* a) tengah hari; b) pokok aliran sungai; *~ hidung* bahagian yg keras pd hidung, lembaga hidung; *~ kalam* tangkai pena; *~ leher* leher antara kuduk dan kepala; *~ lengan* lengan bahagian atas; *~ palsu* batang yg terbentuk drpd kelopak (pisang); *~ tenggorok* merah; *~ tubuh* a) tubuh tanpa anggota; b) diri, peribadi; *se~ kara* (*karah, karang, kacang*) tidak bersanak saudara;

ada ~, cendawan tumbuh prb di mana juga kita duduk ada rezeki kita; *angkat ~, keluar cacing gelang-gelang* prb mengerjakan pekerjaan orang yg terbengkalai, satu faedah pun tidak diperoleh; *di mana ~ terguling, di situ cendawan tumbuh* prb di mana perkara berlaku, di situ pula diselesaikan; *kena ~ hidung* prb berasa terkena (tersindir, terhina, dll); *sepuluh ~ bertindih, satu dua*

petalasannya prb bagaimana sekalipun perkataan yg benar itulah pangkalnya; *sungguhpun ~ merdeka, ingat pucuk akan terhempas* prb pekerjaan itu jangan sebahagian sahaja yg diingat, tetapi dr awal sampai ke akhirnya; *terkena pd ikan bersorak, terkena pd ~ masam* prb hal orang berkawan yg mahu beruntung sahaja dan tidak mahu berugi;

berbatangkan mempunyai batang yg dibuat drpd unsur lain: *pokok itu berbuahkan emas, ~ suasa dan berdaunkan perak;*

membatang menjadi batang, menyerupai batang: *gedung-gedung pencakar langit ~ ke udara;*

batangan alangan kayu dll di muara sungai (tempat masuk ke pelabuhan dll): *ada pun ~ Pahang pd masa itu dua lapis.*

batang II; membatang mengeja sambil membaca.

batara → betara.

batas 1. garis pinggir sesuatu bidang (daerah dll): *sampai di sinilah ~ kebun saya;* **2.** permatang (sawah, tempat menanam): *satu jenis orkid tidak boleh ditanam di atas ~;* **3.** had atau paras sesuatu yg paling tinggi, matlamat atau ketentuan (yg tidak boleh dilampaui): *pekerjaan yg diberikan melewati ~ kemampuannya;* **4.** hingga, sampai: *dr pinggir leher hingga ~ perut;*

~ ban Kd tanah yg ditambak (tempat berjalan); *berjalan sampai ke ~, belayar sampai ke pulau* prb sesuatu usaha hendaklah kpd yg dimaksudkan;

berbatas 1. mempunyai batas, mempunyai permatang: *tanah yg belum ~ itu tidak dapat ditanami padi; ~ dgn berbataskan;* **2.** berhad, tersekat: *kekuasaan yg tiada ~;*

berbatasan mempunyai batas (sempadan) yg sama: *sawah saya ~ dgn sawahnya;*

berbataskan mempunyai sesuatu sbg batas: *negeri itu di sebelah utara ~ laut;*

membatas menjadi (spt) batas (ceraian, sekatan, dll): *sebuah jalan ~ antara kedua-dua bidang sawah itu;*

membatasi **1.** membuat batas, memberi batas: *sungai itu ~ taman;*
2. mengantarai, memisahkan, menceraikan: *tirai itu ~ tempat laki-laki dan perempuan;* **3.** menghadkan, menyekat, merintang: *soal menambah atau ~ keturunan harus dipertimbangkan masak-masak;* **4.** menghuraikan, (dgn tepat) memberi definisi: *~ makna kata mawjud;*

terbatas terhad, tersekat, tidak luas: *pengorbanan yg saya maksudkan bukan hanya ~ kpd harta benda sahaja;*

keterbatasan perihal (keadaan dsb) terbatas: *dlm ~ waktu, saya hanya dapat mengemukakan apa yg menarik perhatian saya; ~ ruang utk pelakon bergerak; ~ pengetahuan; ~ kefahaman orang awam;*

batasan **1.** batas, sempadan; **2.** sesuatu atau keadaan yg menyekat: *dlm ~-~ yg ada, pengarang telah cuba memilih esei-esei yg membincangkan isu-isu ekonomi yg dianggap penting;* **3.** huraian makna sesuatu, definisi;

perbatasan sempadan (sesuatu kawasan), daerah, sempadan: *pasukan itu bergerak di daerah Gunung Sempah dekat ~ Pahang-Selangor;*

pembatasan perihal (tindakan dsb) membatasi: *~ kelahiran anak telah mulai dijalankan di India;*

pembatas orang atau sesuatu (spt alat dll) yg membatasi: *mereka tetap dlm kesukaan dan kegembiraan yg tidak mengenal ~ waktu.*

batat Kd, Pl tidak mahu empuk, tidak mahu gembur.

batau barua, jaruman.

batela (batéla) ark sl sj perahu yg bertiang dua; **batil III**.

bater (ERT) bancuhan drpd tepung, telur, dan susu atau air utk membuat lempeng atau menyalut daging, sayur-sayuran dsb sebelum digoreng.

bateri I dua sel atau lebih yg disusun secara bersiri atau selari utk menghasilkan daya gerak elektrik: ~ *kereta; radio ini mempunyai enam ~*; ~ *kering* bateri elektrik yg terdiri drpd dua atau lebih sel kering;

berbateri mempunyai bateri, ada baterinya, menggunakan bateri: *lampu picit ~ tiga*.

bateri II unit tentera yg dilengkapi dgn meriam dan kenderaan: *satu trup ~ telah bergerak ke Pos Legap*.

Bateq (batéq) penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Negrito, yg tinggal di pedalaman utara Pahang, barat Terengganu dan selatan Kelantan.

bati; sebati (amat) sesuai atau mesra, bersatu padu (sehingga sukar memisahkan atau mengasingkannya): *bau itu sudah ~ benar dgn hidungnya*;

bersebati sudah menjadi sebati;

menyebatikan menjadikan sebati;

sebatian campuran dua unsur atau lebih menjadi satu;

kesebatian perihal atau keadaan sebati;

penyebatian perbuatan atau proses menyebatikan.

batih Jw seisi rumah, keluarga (yg terdiri drpd anak isteri dll).

batik = *kain* ~ kain yg bercorak (dilukis atau ditera dgn lilin dan dicelup); ~ *cap* batik yg dicap (dicetak); ~ *Kelantan* batik yg dibuat di Kelantan; ~ *Semarang* a) batik buatan Semarang; b) prb janda yg lebih cantik drpd semasa gadis; ~ *tulisan (suratan)* batik yg ditulis (disurat) dan bukan dicap; ~ *Yogya* batik yg dibuat di

Yogya; *umpama ~ lasam, makin dibasuh makin berbau prb makin lama makin bertambah baik;*

membatik membuat batik (dgn tangan): *usaha ~ semakin mendapat tempat yg baik di Terengganu;*

batikan hasil membatik: *anak-anak perempuan itu bersarung kain panjang ~ mereka sendiri;*

pembatikan **1.** tempat membuat (perusahaan) batik; **2.** cara membuat batik;

pembatik pengusaha (pembuat) batik.

batil I bekas (drpd tempurung, perak, tembaga, dll) yg berbentuk tempurung.

batil II Ar **1.** batal, sia-sia; **2.** tidak benar; **3.** palsu; **4.** lawan pd hak;

kebatilan perihal tidak benar, lwn kebenaran: *hanya dgn berbuat demikian, ~ akan hapus dan kebenaran akan muncul; berani berjuang dan berjihad utk menegakkan kebenaran dan menentang ~.*

batil III ark sl sj perahu yg bertiang dua.

batimetri (batimétri) pengukuran kedalaman lautan utk menentukan keadaan rupa bumi lantai lautan dsb.

batin I **1.** (dlm) hati, perasaan dlm hati: *ia dukacita dlm ~nya; di peringkat itu, ~nya bercanggah lagi;* **2.** (bkn) jiwa: *penyakit ~;* **3.** tersembunyi, ghaib, tidak kelihatan: *pertalian ~;*

berbatin bercakap (membaca) dlm hati;

membatinkan menyembunyikan, merahsiakan;

kebatinan **1.** perihal batin; **2.** = *ilmu ~ ilmu batin, tasawuf.*

Batin II ketua (kampung) orang asli.

batiniah Ar bersifat kebatinan: *hidup itu akan sempurna kalau terdapat keseimbangan antara keperluan-keperluan lahiriah dan ~.*

batir-batir perhiasan pd tuli-tuli keris yg dibuat drpd emas.

batis IB sj kain yg putih dan halus.

batisfera (batisféra) alat atau kapal selam kecil berbentuk sfera yg digunakan utk membuat pemerhatian terhadap hidupan laut dsb di dasar laut.

batitermograf alat yg digunakan utk mengukur suhu di dlm lautan.

batok Jw **1.** tempurung; **2.** Id sukatan beras (lebih kurang satu kal); ~ *kepala* tengkorak.

baton **1.** kayu pendek yg dibawa dan diserahkan oleh seorang pelari kpd pelari yg berikutnya; **2.** tongkat kecil yg digunakan oleh pemimpin orkestra utk memberi arahan kpd pemuzik.

batu **1.** bahan galian pepejal yg bukan logam (tidak terbakar, tidak boleh ditempa, dan tidak hancur dlm air); **2.** sj permata (utk mata cincin dll); ~ *kecubung* sj permata yg berwarna ungu kebiru-biruan; **3.** sj permata buatan (dipakai dlm jam dll): *jam tangan 17 ~*; **4.** penjodoh bilangan bagi gigi: *se~ gigi*; **5.** ukuran jarak: *kampungku letaknya 10 ~ dr sini*; **6.** buah (dlm permainan catur): *tidak dapat kami bermain catur lagi kerana beberapa ~ hilang*; **7.** Id bateri (lampu picit): *lampu picit tiga ~*; **8.** ki keras: *berhati ~*;

~ *air* = ~ *kali* = ~ *sungai* batu yg terdapat di sungai-sungai; ~ *ajuk* batu (timah dll) pd tali kail utk pemberat; ~ *alas* tempat tiang rumah berdiri; ~ *ali(-ali)* anak ali-ali; ~ *ambar* sj batu yg terdapat di pantai (dibuat paip dll); ~ *amzil* batu canai (asuhan); ~ *anggur* asaman yg diambil drpd buah-buahan; ~ *anting* batu (timah dll) pd tali utk pemberat; ~ *api* a) batu pencetus api (pd pantik api dll); b) ki penghasut; ~ *apung* batu yg ringan dan tidak tenggelam dlm air; ~ *arang* = ~ *bara* arang yg diambil dr dlm tanah; ~ *asah(an)* batu utk mengasah perkakas (pisau dll); ~ *asas* a) batu dasar tempat mendirikan sesuatu (rumah dll); b) ki dasar; ~ *badar* batu hablur utk mata cincin; ~ *bata* bata; ~-*batan* a) berbagai-bagai jenis batu;

b) batu karang; ~ *belanda* permata buatan; ~ *bersurat* = ~ *bertulis* batu yg berpahat dgn huruf-huruf tulisan kuno; ~ *berani* = ~ *semberani* besi atau bijih besi yg mempunyai tenaga utk menarik besi lain; ~ *besi* sj batu yg keras, granit; ~ *bintang* a) sj batu yg berasal drpd bintang gugur; b) sj batu yg mengandung hablur; ~ *canai* gerinda; ~ *dacing* = ~ *timbang* timah (besi dll) pd dacing utk menimbang berat barang; ~ *dapur* = ~ *tungku* batu tempat meletakkan periuk sewaktu memasak; ~ *duga* batu (timah dll) utk menduga dalamnya laut; ~ *geliga* batu yg terdapat dlm tubuh binatang (ular, landak, dll) yg mempunyai khasiat utk menawar bisa dll; ~ *giling* batu tempat menggiling rempah dll; ~ *hampar* batu yg lebar dan rata; ~ *hempedu* ketulan keras spt batu yg terbentuk di dlm pundi hempedu sehingga boleh menyebabkan rasa sakit; ~ *hidup* batu yg mempunyai kekuatan ghaib; ~ *jemala* = ~ *kepala* kepala; ~ *johor* hablur; ~ *kail* batu timah; ~ *kapur* batu yg mengandung kapur; ~ *karang* karang laut; ~ *kawi* mangan; ~ *kerikil* = ~ *kelikir* batu kecil-kecil; ~ *ketapakan* = ~ *tapakan* a) batu tumpuan; b) ki dasar; ~ *kisaran* batu khas utk mengisar tepung, rempah, dll; ~ *koral* = ~ *kolar* Jk batu karang (laut); ~ *kulansing* batu besi; ~ *lada* kerikil yg halus; ~ *ladung* batu ajuk; ~ *lengan* otot pd pangkal lengan; ~ *lod* (Geo) bijih besi yg mempunyai kuasa magnet; ~ *loncatan* a) batu yg digunakan sbg landasan melompat; b) ki orang atau tempat yg dipergunakan utk mencapai sesuatu; ~ *luru* alat tempa yg berupa batu sungai atau granit licin, digunakan utk melicinkan (menggilapkan) permukaan tempaan; ~ *marmar* batu kapur berhablur yg boleh digilap dan digunakan utk binaan dan ukiran; ~ *merah* tanah liat (batu) yg merah; ~ *meroyan* sj penyakit perempuan yg baru melahirkan anak; ~ *nautika* unit ukuran jarak di laut yg bersamaan dgn 1852

m (6080 kaki); ~ *nisan* batu di atas atau di satu hujung kubur, biasanya ditulis nama dan maklumat si mati; ~ *pasir* batuan yg terbentuk drpd pasir yg mampat, biasanya digunakan sbg bahan binaan dsb; ~ *pejal* batu besi; ~ *pelinggam* sj marmar; ~ *penghalang* halangan; ~ *pualam* marmar; ~ *sempadan* batu utk menandakan sempadan; ~ *sendi* a) batu alas; b) ki dasar, asas; ~ *sarawak* sj galian (bijih) yg mengandungi belerang dan antimoni; ~ *seremban* batu yg digunakan dlm permainan seremban; ~ *tanda* a) batu yg menunjukkan jarak di antara satu tempat ke satu tempat yg lain; b) peristiwa penting dlm sejarah, kehidupan, dll: *peristiwa itu menjadi ~ tanda bermulanya sejarah perkembangan bahasa dan sastera Melayu di tanah air kita*; ~ *tara* batu sempadan; ~ *timbul* batu apung; ~ *tolak bara* sl batu pemberat yg digunakan sbg pengimbang dlm perahu: *maka oleh Semerluki, diambilnya suatu ~ tolak bara, dicampakkannya di Selat Ungaran*; ~ *tulis* a) Id papan batu; b) batu bertulis, batu bersurat; ~ *ubin* batu yg dipakai utk lantai rumah; ~ *ujian* a) batu tempat menguji emas; b) percubaan, cabaran;

~ *bulat tak bersanding* = ~ *hitam tak bersanding* prb orang yg kelihatan lemah lembut tingkah lakunya dsb, tetapi sebenarnya keras hatinya (tidak takut menghadapi sesuatu); ~ *direbus masakan empuk* prb orang yg bodoh itu bagaimanapun tidak mungkin diajar; ~ *jatuh ke lubuk* prb hilang lenyap; ~ *kecil berguling naik*, ~ *besar berguling turun* prb orang yg hina menjadi mulia kerana harta dan orang yg berasal menjadi hina kerana tidak berharta; ~ *pelesing* prb orang yg kecil tetapi berhati keras; ~ *pun empuk, jangan hati manusia* prb perkataan yg lemah lembut boleh menawan hati; ~ *yg keras air pelekuknya, hati yg keras lidah pelembutnya* prb orang yg keras hati itu hanya dapat dipujuk dgn

kata yg lemah lembut; ~ yg *selalu bergolek dlm sungai itu tiada dihindangi lumut* prb orang yg selalu menambah pengetahuannya tidak dapat ditipu orang, atau orang yg tidak tetap mata pencariannya tidak akan kaya; *berbunyi ~, berbunyiilah dia* prb orang yg tidak dapat berkata-kata (menjawab) kerana kedapatan kesalahannya; *lempar ~ sembunyi tangan* prb melakukan sesuatu (kejahatan dll) tetapi kemudian berdiam diri seolah-olah tidak tahu-menahu; *mencampakkan ~ keluar* prb menolong orang lain tetapi tidak mempedulikan keluarga sendiri; *muncung penuh air, perut berisi ~* prb tidak dapat mengatakan sesuatu (bkn kesalahan orang) kerana telah terhutang budi; *patah ~ hatinya* prb habis seluruh kemahuannya (minatnya) utk meneruskan pekerjaan dll; *tiada terkajang ~ di pulau* prb tidak terlayani kehendak semua orang;

berbatu dilitupi atau mempunyai batu: *kereta itu melalui jalan yg ~ kerikil;*

berbatu-batu banyak batu jaraknya: *mereka terpaksa berjalan ~ sebelum sampai di bandar;*

membatu 1. menjadi keras (spt batu): *tanah sudah mulai keras ~ kerana lama kemarau;* **2.** berdiam diri, tidak mahu bercakap: *mereka bersikap ~ dan membisu;* **3.** melontari dgn batu: *kedai si Ah Kau dibatu orang pd malam hari;*

membatui membubuh batu (di jalan, kubur, dll);

membatukan; ~ diri mendiamkan diri, tidak mahu bercakap, membatu;

batuan (Geo) gumpalan atau ketulan bahan galian, spt arang batu, batu kapur, granit, dll yg membentuk sebahagian drpd kerak bumi; ~ *enapan* batuan yg terbentuk drpd pengumpulan enapan yg dibawa oleh air, udara, dll.

perbatuan jarak dlm batu yg dilalui oleh kenderaan bermotor dlm sesuatu tempoh masa.

batuk 1. = **berbatuk** mengeluarkan nafas dr paru-paru dgn keras dan bising bunyinya; **2.** bunyi seseorang batuk: *adikku ~ sahaja semalam-malaman tadi; tidak dapat saya pejamkan mata sedikit pun kerana ~nya*; **3.** penyakit (keadaan) yg menyebabkan seseorang kerap batuk atau batuk berulang-ulang: *ubat utk melegakan ~;*

~ *barah* batuk yg berdahak; ~ *barah angin* batuk yg tidak berdahak; ~ *darah* batuk dgn mengeluarkan darah; ~ *jerih* = ~ *lelah* sesak nafas, senak; ~ *kecil* berdeham; ~ *kering* batuk yg tidak berkahak (kerana T.B.); ~ *kokol* = ~ *mengokol(-ngokol)* batuk keras yg bertalu-talu; ~ *rejan* batuk yg keras (pd anak-anak); *melepaskan ~ di tangga* prb melakukan sesuatu dgn tidak bersungguh-sungguh;

berbatuk batuk;

membatukkan batuk dgn sengaja (kerana sesuatu, mis utk mengeluarkan dahak dll); ~ *darah* batuk dan mengeluarkan darah;

terbatuk-batuk batuk dgn tidak tertahan-tahan.

batung sj siput.

bau I sesuatu yg tercium oleh hidung (spt wangi, hanyir, dll): *sambil berjalan, ia menghidu-hidu ~ wangi di kemejanya; ~ setahun pelayaran* sangat busuk baunya;

~ *daun semberu* Kl kaum kerabat yg jauh; *ada ~~~ bacang* ada pertalian saudara (tetapi sudah jauh); *sudah tercium ~nya* ki mulai dikesan (rahsia, kejahatan, dll);

~ *busuk tidak berbangkai* prb fitnah (celaan) yg tidak beralasan; *ayam terlepas, tangan ~ tahi* prb orang yg hendak mencemarkan seorang gadis tetapi tidak sampai maksud hanya beroleh malu;

jauh ~ bunga, dekat ~ tahi prb berkasih-kasihan itu lebih kekal dr jauh drpd berdekatan; *umpama kesturi, kerana ~ hilang nyawanya* prb orang yg menunjukkan sesuatu yg berharga kpd orang yg tidak dapat dipercayai hingga mendapat bencana sendiri;

sebau **1.** serupa baunya; **2.** ki agak serupa (sifatnya dsb), sesuai dgn, sejenis; *seragam ~ sejenis* (sama sifatnya), bersesuaian (antara satu sama lain);

berbau **1.** mempunyai bau (busuk), mengeluarkan bau (busuk): *janganlah kain-kain dan sarung bantal terbiar kotor dan ~*; **2.** tercium bau, terhirup bau: *dr jauh ~ olehku asap setanggi*; **3.** bersifat, mempunyai unsur: *pidatonya itu ~ perkauman*; **4.** ki mulai dikesan (rahsia, kejahatan, dll);

~ dua prb dikatakan kpd orang yg telah berbuat kesalahan secara sulit; *bakar tiada ~* prb menyatakan tidak percaya pd cerita orang; *bersuris bagai pasir, ~ bagai membacang* prb kejahatan yg sudah cukup bukti dan keterangan; *tiada ~ telunjuk saya* prb menyatakan tidak percaya pd sesuatu cerita (khabar dll);

membau **1.** mencium-cium (bau), menghidu-hidu (bau): *anjing itu ~ bangkai*; **2.** menyelidiki secara sulit, merisik, mengesani: *mereka sampai ke tempat persembunyian yg tidak dapat dibaui oleh Jepun*;

terbau **1.** tercium bau, terhidu bau: *~ oleh sang kancil harimau datang*; **2.** diketahui (orang), terbongkar: *akhirnya ~ juga apa yg telah dibuatnya*;

bauan, bau-bauan segala yg berbau wangi, minyak wangi atau bunga yg harum dll: *banyak digunakan kayu gaharu, setanggi, kemenyan dan jenis ~ lain*;

pembau (Bio) deria badan yg berfungsi utk membaui sesuatu: *saluran ini menggunakan deria sentuhan, rasa, dan ~*.

bau II Id ukuran luas tanah (500 tombak persegi atau 78 850 kaki persegi atau 0.73 hektar).

baucar 1. dokumen yg menunjukkan bahawa wang telah dibayar bagi barang-barang dll yg telah diterima: *semua perbelanjaan runcit hendaklah dibuat melalui buku, dan pembayaran hendaklah disokong oleh ~ ataupun resit*; **2.** dokumen yg boleh ditukarkan dgn barang-barang atau perkhidmatan tertentu; ~ *hadiah*; ~ *diskaun*.

baud (Komp) unit ukuran penghantaran simbol sesaat dlm perhubungan data bersiri, dgn satu simbol dikira sbg satu bit, dan unit ini dikatakan mewakili satu bit per saat.

bauk bulu yg tumbuh pd pipi di depan telinga, jambang.

bauksit bahan bak tanah liat yg menjadi sumber utama aluminium.

baulu = *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung, telur, dan gula;
~ *cermai* kuih baulu yg kecil-kecil berbentuk spt buah cermai; ~ *gulung* baulu yg disapu jem (krim dsb) dan digulung.

baun I batang yg terdiri drpd daun (mis rumput-rumput)

baun II Mn bau;

membrauni membaui.

baung sj ikan darat, *Mystus nemurus*;

~ *akar* sj ikan darat, *Mystus planiceps* (*Macrones nigriceps*); ~ *baru* sj ikan darat, *Ambluceps mangois*; ~ *pisang* sj ikan, *Mystus nigriceps*.

baur I campur; *campur* ~ campur aduk, kacau;

berbaur 1. beraduk, bercampur: *teriak penjual-penjual rokok dan surat khabar ~ kacau-balau dlm kebisingan manusia seramai itu*;
2. bergaul (dgn), bercampur: *tidak patut ia dituduh menganut faham perkauman, ia ~ dgn segala bangsa*; **3.** berkahwin, hidup

spt suami isteri: *kami sudah 10 tahun ~*; **4.** mempunyai unsur, berbau, bersifat: *ceramahnya ~ politik*;

~ bagaikan muntah, bercerai bagaikan demam prb orang yg bersaudara itu, kalau berdekatan berbantahan, jika berjauhan sangat rindu akan yg lain; *~ pangkal perceraian* prb orang yg bersaudara itu kalau bercampur selalu timbul perselisihan;

membrauri menambah sesuatu supaya bercampur, mencampuri: *ia mendengar suara laki-laki dibauri oleh suara perempuan*; *penulis memberi alasan bahawa berlaku kemajuan seni bina apabila pengetahuan teknologi dibauri oleh pelbagai unsur luar yg turut mengembangkan kebudayaan Melayu*;

membraurkan **1.** = **menyembraurkan** mencampurkan, mengadukkan, mencampuradukkan: *jangan dibaurkan tepung beras dgn tepung gandum*; **2.** = **memperbaurkan** membiarkan bercampur (bergaul): *tidak baik ~ laki-laki dgn perempuan begitu rupa*; **3.** = **memperbaurkan** ki mengahwinkan: *orang tuanya hendak ~ dia dgn sepupunya*;

terbaur sudah berbaur, tercampur, teraduk: *yg pahit biasanya ubat, dan di dlm manis itulah biasanya ~ racun*;

bauran campuran, adukan;

perbauran **1.** perihal berbaur, percampuran, pergaulan; **2.** perkahwinan;

pembauran pencampuran, pengadukan.

baur II batang dll (yg melentik pd suatu alat), tangkai;

~ anggah = ~ kail = ~ taut tangkai kail, joran; *~ panah* kayu (buluh) tempat merentangkan tali panah.

baur III ark sj pedang kebesaran.

bausastera Jw kamus.

bausuku Jw ark tenaga pekerja, pekerja-pekerja wajib (utk kerajaan).

baut IB **1.** sj besi utk menyambungkan kayu (memutar skru dll); **2.** Jw, bp tukang pukul (yg dipelihara oleh tauke utk menakut-nakutkan pekerja).

bawa; berbawaan berbandingan (dgn), berpadanan (dgn), sesuai dgn:
warna kain samping ~ dgn warna bajunya;

membawa **1.** mengangkat sesuatu sambil bergerak ke suatu tempat lain, mengangkut, memikul, mendukung, menjunjung: *pakaian yg dibawanya hanya yg lekat di badan;* **2.** memimpin (mengiringi dsb) seseorang lain pergi ke sesuatu tempat: *~ anak ke sekolah;* **3.** mendatangkan, mengakibatkan, menyebabkan: *masa tiga tahun belumlah ~ perubahan sebanyak itu; buanglah apa yg ada pd kita yg ~ kpd rosaknya agama Islam; kereta api yg ~ maut;* **4.** melibatkan, memasukkan (dlm sesuatu perkara): *janganlah dibawa-bawa orang tua saya dlm perkara ini;* **5.** hingga, sampai: *pakaian itu berharga antara lima puluh ~ ke tujuh puluh ringgit; dari petang ~ ke malam hari, tak putus-putus orang datang melawat;* **6.** bp memandu kenderaan.

~ adat = ~ bulan haid, datang bulan; ~ alamat memberi alamat, menandakan; ~ aturan sendiri bp menurut kesukaan sendiri; ~ berat mengandung, hamil; ~ diri a) mengembara, melarikan diri; b) menyesuaikan diri (dgn keadaan): ia dapat ~ diri di mana-mana; c) mengakibatkan, menyebabkan: pemilihan pengerusi tidak ~ perubahan apa pun dlm parti; ~ duduk menjemput duduk; ~ gelak mengakibatkan orang tertawa; ~ halnya mengembara mencari penghidupan; ~ hati a) mencurahkan isi hati; b) = ~ masuk hati menjadikan kecil hati; c) berasa kecewa (kerana kegagalan cinta dll), merajuk; ~ hidup merantau mencari penghidupan; ~ iman beriman kpd Allah dgn memeluk agama Islam; ~ ke air membawa anak mandi; ~ kacau mengakibatkan

kacau; ~ *kakinya* pergi tidak tentu hala; ~ *lari* melarikan; ~ *makna* mengandung sesuatu maksud; ~ *malu* memalukan; ~ *mati* a) menyebabkan mati; b) membawa sampai ke kubur; ~ *mulut* a) datang hanya utk bercakap-cakap dan makan-makan; b) menceritakan hal seseorang kpd orang lain; ~ *nasib* pergi mencari penghidupan; ~ *nyawa* menyelamatkan diri; ~ *perut* datang utk makan sahaja; ~ *salah* salah faham (mengerti); ~ *singgah* menyilakan singgah; ~ *soal* mengemukakan soal; ~ *tempurung* meminta sedekah; ~ *untung* a) mendatangkan untung; b) pergi mencari penghidupan; *dibawa arus* hanyut; *dibawa ke muka pengadilan* dihadapkan ke mahkamah utk perbicaraan; *dibawa ke tengah* dikemukakan kpd pihak-pihak tertentu yg boleh mengambil tindakan ke atas sesuatu yg dikemukakan itu;

membawakan 1. membawa utk seseorang: *Salina ~ anaknya kopi dan roti*; 2. menyampaikan, membaca, menyanyikan: *dua tiga orang drpd mereka ~ lagu "Arya Mala"*;

terbawa 1. (tidak sengaja) membawa atau dibawa: *fail lain pula yg ~ ke bilik mesyuarat*; 2. = ~ *masuk* = **terbawa-bawa** terlibat, tersangkut: *jangan-jangan saya pun ~ dlm perkara ini*; 3. sanggup dibawa: *saya tak ~ bungkusan seberat ini*; 4. = **terbawa-bawa** terpengaruh, kena pengaruh: *mereka kkuatir kalau-kalau anak gadis mereka yg hampir baligh ~ oleh suasana yg tidak keruan; penterjemah harus berhati-hati supaya ia tidak terpengaruh dan ~ oleh cara-cara penyusunan kalimat bahasa asing*;

bawaan 1. benda yg dibawa: *sekali ia masuk, kira-kira ~ dua tiga orang diangkutnya keluar; masing-masing meletakkan ~nya*; 2. harta benda yg dibawa pd masa kahwin: ~ *isteri tetap tinggal hak milik isteri*; 3. buah tangan: *setiap kali dia datang ada saja ~nya*; 4. pengaruh, akibat: *mudahnya hancur perkahwinan ialah kerana*

~ masa; **5.** = **pembawaan**; **6.** yg dibawa oleh: *beberapa jenis penyakit ~ air dan udara; kulat patogen ~ tanah;*

pembawaan 1. = **bawaan** sifat semula jadi: *susah hendak mengubah ~ semula jadi*; **2.** perihal membawa: *~ barang-barang itu dilakukan pd malam hari;*

berpembawaan mempunyai sesuatu sifat semula jadi;

pembawa 1. orang yg membawa (mengangkat dsb) sesuatu; *~ berita = ~ khabar* orang yg membawa khabar; *~ suara* juruacara, jurubicara; *se~ kakinya* ke mana dibawa kakinya, ke mana sahaja;

2. orang yg mendatangkan sesuatu atau yg menyebabkan berlakunya (timbulnya dsb) sesuatu: *ia menganggap Hamzah Fansuri sbg ~ kemodenan kerana ia membawa pemikiran yg rasional; ~ peradaban India*; **3.** NS barang yg dibawa oleh suami semasa kahwin dan berhak diambil kembali apabila bercerai: *cari bagi, dapatan tinggal, ~ kembali*; **4.** orang dll yg menyebarkan sesuatu (spt penyakit, kuman, dsb): *~ kuman taun.*

bawab Ar penunggu (penjaga) pintu.

bawah 1. terletak separas dgn permukaan tanah (bkn bahagian bangunan, rumah, dsb): *pejabatnya terletak di tingkat ~ bangunan itu*; **2.** ruang kosong yg terletak di antara tiang rumah atau kaki almari (meja, kerusi, dsb): *~ rumah itu boleh dijadikan stor;*

~ angin tempat angin datang; *negeri ~ angin* Kepulauan Melayu; *~ duli = ~ cerpu = ~ kadam = ~ kaus* kata kehormatan kpd raja; *ke ~ duli baginda* kpd baginda; *~ sedar* a) lubuk hati (perasaan yg dalam-dalam); b) tidak sedar sepenuhnya; *~ tanah* a) di bawah permukaan bumi, dlm tanah; b) sulit, gelap (bkn gerakan dll); *(di) ~ tangan* a) di bawah kuasa (pengaruh dll); b) tidak dgn secara rasmi atau umum (penjualan dll);

di bawah 1. di kawasan sekeliling rumah dsb yg bertangga (mis di taman, di perkarangan, dsb): *kanak-kanak itu disuruh ibu mereka pergi bermain ~*; **2.** di ruang kosong di antara tiang rumah atau kaki meja (kerusi dll): *~ meja* **3.** yg terletak pd baris (ruang dsb) yg berikutnya: *silalah rujuk pd rajah ~*; *baca petikan ~*; **4.** kurang drpd: *kanak-kanak ~ umur 12 tahun*; **5.** berada dlm atau tertakluk pd (peraturan, undang-undang, bimbingan, arahan, kuasa, dsb): *kakitangan ~ jagaannya*; *orkestra ~ pimpinan Johari Saleh*; *orang ~ orang yg lebih rendah (pangkat, kedudukan, dsb)*; *~ harga lebih murah drpd harga yg sebenarnya*; *~ ketiak di bawah pengaruh (orang tua dll)*; *~ perlindungan dilindungi oleh*; *~ penilikan ditilik oleh*; *~ perintah diperintahkan oleh*; *~ umur belum dewasa*;
ke bawah 1. ke tempat yg lebih rendah; **2.** ke paras (peringkat dsb) yg lebih rendah;

mengebawahkan merendahkan, menurunkan;

terkebawah bawah sekali, terendah: *awak terlantar ke pelembahan tatakemanusiaan yg ~*;

membawah ark bekerja di bawah orang, menempatkan diri di bawah perintah orang;

membawahi ki menjadi dasar pd sesuatu, mendasari: *akal budi suci ~ akal budi biasa*;

membawahkan memimpin (bawahan dll), menguasai (daerah dll);

terbawah 1. terendah; **2.** = *~ oleh* dipimpin oleh;

bawahan, sebawah, sebawahan 1. orang di bawah, orang yg di bawah perintah, orang rendah: *ia mencatat nama-nama ~nya yg hadir pd hari Minggu*; **2.** (golongan) yg bawah (rendah): *masyarakat Melayu terbahagi kpd tiga golongan besar, golongan atasan, pertengahan, dan ~*;

pembawah (Mat) nombor bawah pecahan (menunjukkan berapa bahagian sesuatu dibahagikan).

bawak Mn belulang, kulit kerbau.

bawal I sj ikan laut yg agak lebar badannya;

~ *hitam* = ~ *kedewasa* sj ikan laut, *Parastromateus niger*; ~ *putih* = ~ *cermin* sj ikan laut, *Pampus argentues*; ~ *tambak* sj ikan laut, *Pampus chinensis*.

bawal II; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), akar serau malam, akar tapak gajah, kacip fatimah, *Phyllagathis rotundifolia*.

bawang sj tumbuhan (bebawang) yg umbinya dimakan;

~ *benggala* = ~ *bombai* = ~ *cina* sj bawang, *Allium fistulosum*; ~ *merah* sj bawang yg berwarna merah keungu-unguan, bawang kecil, *Allium cepa*; ~ *putih* bawang kecil yg berwarna putih dan kuat baunya, *Allium sativum*; *makan* ~ ki marah (di dlm hati); *rosak* ~ *ditimpa jambak* prb rosak kerana kesalahan kaum atau diri sendiri;

membawang ki makan bawang, marah.

bawang-bawang bebawang.

bawasir buasir.

bawat I; *payung* ~ sl payung kebesaran.

bawat II 1. luyu, ruyu, rudu (bkn mata); **2.** berumbai, berjumbai (tali).

bawel (bawél) Jw suka berleter, cerewet.

baya umur, usia;

Pak Saleh sudah agak ~ sudah agak berumur; *separuh* ~ = *setengah* ~ setengah umur;

sebaya 1. seumur, sama umurnya: *anak-anak muda* yg ~; **2.** sama (besar, tinggi, dll): *rumah-rumah dlm kelompok itu kelihatan* ~ *belaka*; *ditanamnya anak pisang yg hampir* ~ *tingginya dgn dia sendiri*.

bayak 1. terlalu besar atau gemuk (tetapi kurang tinggi); **2.** besar perut, boyot;

kebayakan perihal bayak (gemuk dan kurang tinggi), besarnya (perut), buncitnya (perut).

bayam sj tumbuhan (herba) yg dibuat sayur;

~ *duri* sj tumbuhan (herba), *Amaranthus spinosus*; ~ *putih* sj tumbuhan (herba), *Amaranthus viridis*; ~ *selasih* sj tumbuhan (herba), *Amaranthus gangeticus*.

bayan I sj burung nuri *Psittacula spp*;

~ *api*, *Psittacula alexandri*; ~ *budiman*, *Psittacula eupatria*; ~ *lepas*, *Psittacula krameri*; *niat hati nak getah* ~, sudah tergetah burung serindit prb lain yg diingini, lain yg didapat (diingini adik tetapi mendapat kakak).

bayan II; *ikan* ~(-*bayan*) sj ikan laut, *Bodianus spp.*, *Choerdon spp.*, *Scarus spp.*, *Thallosoma spp.*, dll.

bayan III Ar nyata, terang; *ilmu* ~ pengetahuan yg menerangkan erti dan maksud perkataan-perkataan dlm al-Quran;

membayangkan sl menerangkan, menghuraikan, menjelaskan;

terbayan nyata, jelas, terang.

bayang = bayang-bayang 1. tempat yg tidak kena sinar kerana terlindung oleh sesuatu benda: *jangan engkau makan dlm* ~; **2.** lembaga gelap yg wujud pd suatu latar belakang kerana sesuatu benda menahan sinar: ~ *orang*; **3.** gambar pd cermin (air dll): *melihat* ~ *sendiri di air*; **4.** rupa yg tidak jelas dlm gelap: *ternampak* ~ *orang datang dlm gelap*; **5.** ki gambaran dlm fikiran, khayal: *sudah ada* ~ *dlm ingatanku*;

~ *disangka tubuh* prb mengharap sesuatu yg belum pasti; ~ *sepanjang badan (tubuh)* prb sesuatu yg dikerjakan hendaknya berpadanan dgn kekuatan diri; ~ *tidak sepanjang badan* prb

berbuat sesuatu yg melebihi kemampuan; *dimabuk* ~ prb ingin akan sesuatu yg mustahil; *takutkan* ~ *sendiri* prb takut kerana perbuatan buruknya sendiri;

berbayang, berbayang-bayang 1. kelihatan spt bayang-bayang: *tampak ia berjalan ~ di dlm kabut*; **2.** tampak dlm fikiran dll: ~ *dlm ingatannya apa yg akan terjadi kalau ia pergi*;

membayang menyebabkan adanya bayang-bayang, spt bayang-bayang: *ia menjaga supaya penanggungan batinnya tidak ~ keluar*;

membayangi, membayang-bayangi mengenakan bayang-bayangnya pd, menggelapi dgn bayang-bayangnya akan sesuatu: *pokok itu tidak subur hidupnya kerana sentiasa dibayangi pokok-pokok lain*; *tidak boleh ~ orang sedang makan*;

membayangkan, membayang-bayangkan 1. membuat gambaran dlm fikiran: *dapatkah engkau ~ apa yg akan terjadi kalau meletus perang dunia sekali lagi?* **2.** menyatakan sesuatu tidak dgn terang: *dlm percakapannya dibayangkannya sedikit tentang kehendaknya*; **3.** mencerminkan, memberikan gambaran: *wajahku ~ apa yg tersembunyi di dlm perasaan hatiku*;

terbayang, terbayang-bayang 1. seakan-akan tampak: *wajah anaknya ~ di matanya*; **2.** kelihatan, tampak: *pd mukanya ~ cahaya gembira*; **3.** (sudah) ada tanda-tandanya, (sudah) kelihatan tetapi tidak dgn jelas sekali: *konsep struktur dalaman dan struktur permukaan diperkenalkan dgn tegas dlm versi ini walaupun konsepnya telah ~ dlm versi 1957*;

terbayangkan dapat dibayangkan (dlm fikiran);

bayangan 1. bayang-bayang; **2.** tanda-tanda tentang sesuatu (mis kejadian yg akan berlaku, tindakan atau keputusan yg akan diambil, dll);

pembayangan perihal membayang(-bayang)kan;

pembayang sesuatu yg memberi bayangan tentang sesuatu yg lain, sesuatu yg membayangkan.

bayangkara, bayangkari sl pasukan pengawal.

bayar; ~ *waktu terima* bayaran dibuat secara tunai sewaktu barangan diserahkan kpd pembeli;

berbayar dijelaskan, dilunaskan: *hutangnya di kedai itu belum ~ lagi*;

membayar 1. memberi wang utk harga barang yg diterima (utk menyelesaikan hutang, sbg upah kpd seseorang, dll): ~ *gaji*; ~ *hutang*; ~ *bil elektrik*; **2.** menunaikan (janji, kaul, dll): ~ *niat*; **3.** membalas (kebaikan dll): ~ *budi*;

~ *ansur* membayar sedikit-sedikit; ~ *derau* membalas budi (pertolongan beramai-ramai); ~ *di belakang* membayar sesudah menerima barang dll; ~ *di muka* membayar sebelum menerima barang dll; ~ *hajat* = ~ *kaul* = ~ *nazar* = ~ *niat* melepaskan (menunaikan) hajat (kaul dll); ~ *kontan* Id = ~ *tunai* membayar pd ketika menerima barang;

membayarkan 1. memberikan (wang dll) utk membayar: *dgn apa engkau ~ harta orang yg telah rosak itu?*; ~ *nyawa* mengorbankan nyawa; **2.** membayar utk: *kami terpaksa ~ dia bil elektriknya itu*;

terbayar 1. mampu (berupaya) membayar; **2.** dibayar: *kegigihan dan usahanya selama ini sudah ~ dgn berbagai-bagai anugerah yg diterima*;

bayaran 1. (wang) yg dibayar: *mereka dikenakan ~ RM5.00 seorang*; **2.** (orang) yg dibayar: *serdadu ~*; **3.** gaji, upah, biaya: *pd akhir bulan kami menerima ~*;

pembayaran perihal (tindakan dsb) membayar, penjelasan (harga barang dll), pelunasan (hutang): ~ *harus dilakukan pd akhir bulan*;

pembayar 1. orang yg membayar: *pemerintahlah ~ segala wang belanja selama aku belajar; ~ cukai; 2.* wang (harta dll) yg digunakan utk membayar: *wang ~ hutang.*

bayas sj tumbuhan (palma), *Oncosperma horrida.*

bayi I anak kecil yg baru dilahirkan;

~ *biru* bayi yg dilahirkan dgn keadaan kulitnya yg kebiruan akibat kekurangan oksigen dlm darah, biasanya berpunca drpd masalah jantung; ~ *tabung uji* bayi yg lahir hasil drpd persenyawaan di luar tubuh dlm tabung uji.

bayi II Br babi.

bayinah, bayinat Ar ark keterangan, bukti yg nyata.

bayonet (bayonét) senjata tajam spt pisau yg dipasangkan pd hujung senapang, sangkur;

membayonet menikam dgn bayonet, menyangkur.

bayu I sl angin yg bertiup perlahan-lahan dan lembut;

balai ~ balai peranginan; *dipuput* ~ ditiup bayu.

bayu II = **kebayuan** berubah rasa (kerana basi);

bayuan makanan (minuman yg basi).

bayu III sl hamba, sahaya.

bayuh ark hak perempuan yg bermadu atas suami, giliran perempuan yg bermadu menerima suaminya.

bayung I sj golok.

bayung II; *sulur* ~ sj ukiran sulur bakung.

bayung III Jk sayur (daun kacang panjang).

bayur sj tumbuhan (pokok), *Pterospermum spp.*; ~ *bukit, Schoutenia spp.*

bazar kelompok kedai kecil atau gerai tempat menjual berbagai-bagai jenis barang (spt kain, buku, dll).

bazir; membazir berlebih-lebihan sehingga terbuang: *kenduri kahwin yg dibuat secara besar-besaran adalah ~ saja;*

membazirkan menggunakan sesuatu dgn berlebih-lebihan sehingga terbuang, memboroskan, membuang-buang: *jangan ~ air dlm musim kemarau; ~ masa dan tenaga;*

pembaziran perbuatan membazir(kan) (wang, masa, tenaga, dsb):
~ air berlaku di kebanyakan rumah; ~ sifar tidak berlaku sebarang pembaziran;

pembazir orang yg suka membazir(kan).

bazuka pelancar roket yg disandang pd bahu utk menembak roket yg boleh memusnahkan kereta kebal dsb.

BB kep Bangsa-Bangsa Bersatu (pertubuhan utk keamanan dan kerjasama antarabangsa).

BBC kep *British Broadcasting Corporation* (Perbadanan Penyiaran British).

Be simbol kimia bagi berlium.

bea (béa) **1.** wang yg dibayar oleh pemilik kapal dll; *~ pelabuhan* wang yg dibayar oleh pemilik kapal utk kegunaan pelabuhan; **2.** Id cukai yg dikenakan ke atas barang yg dieksport;
~ meterai Id cukai yg merupakan setem; *~ warisan* cukai ke atas harta benda yg diwarisi.

bearing (béring) **I** arah kompas dr satu tempat (berhubung dgn satu tempat lain): *mengambil ~ kompas.*

bearing (béring) **II** bahagian mesin tempat bahagian lain berputar atau bergelangsar.

bearis (béaris) (Eko) mengalami kejatuhan harga saham (bkn pasaran saham);

bebal tumpul otak, bodoh; *salah ~* bermacam-macam kesalahan;

bebalan perbuatan (sikap) bebal;

kebebalan kebodohan.

bebalai Jw sj tempat duduk atau tempat tidur yg dibuat drpd buluh (kayu), amben.

bebalang sj senjata yg dibaling, balang-balang.

bebaling baling-baling.

beban **1.** barang yg dibawa (di atas kuda, keldai, dll) atau dipikul; *kuda* ~ kuda utk mengangkat beban, kuda muatan; **2.** tanggungan (kewajiban) yg berat: *dia menjadi ~ kpd kedua-dua orang tuanya; kenaikan harga barang merupakan satu ~ kpd orang ramai*; **3.** tanggungan drpd kenaikan cukai;

~ *berat senggulung batu* prb tanggungan yg sangat berat; ~ *sudah di pintu* prb beban sudah dekat utk dibawa (anak perempuan yg sudah patut dipersuamikan); *besar senggulung drpd* ~ prb besar belanja drpd pendapatan; *ibarat ~ belum lepas dr bahu (kepala)* prb belum lepas drpd tanggungan; *seberat-berat ~, di atas kepala jua* prb betapa pun berat tanggungan harus dipikul sendiri juga (orang lain hanya sekadar membantu); *seberat-berat ~, laba jangan ditinggalkan* prb walaupun sedang mengerjakan pekerjaan berat tetapi kalau ada jalan keuntungan, jangan dibiarkan lalu saja keuntungan itu; *tiada ~ dicari ~, pergi ke pulau batu digalas* prb mencampuri perkara orang dan beroleh kesusahan sendiri;

membebani memberi beban (tanggungan yg berat) kpd, menyebabkan atau membuat seseorang menanggung beban: ~ *murid dgn kerja rumah; kebanyakan mereka kini dibebani oleh tugas dan tanggungjawab yg berat*;

membebankan memberikan beban: *tugas yg berat dibebankan kepadanya; kerja yg ~*;

bebanan beban;

pembebanan perbuatan membebani atau membebankan.

bebandos Jk sj penganan; **bandos**.

bebang; terbebang, kebebangan berasa susah hendak membuang air besar (air kecil); *mati ~ mati* kerana tidak dapat keluar (anak yg hendak lahir); *gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar, akhirnya mati kebebangan* prb hendak meniru-niru perbuatan orang besar (kaya), akhirnya diri binasa.

bebangun sj tumbuhan (pokok), bangun-bangun, hati-hati, *Coleus ambonicus*.

bebar kacau-bilau dan riuh-rendah: *orang ramai itu menjadi ~ apabila berlaku gegaran di bangunan itu;*

berbebar, berbebaran bergerak (berlari, terbang, dsb) dgn tidak berketentuan: *kelelawar ~ dlm gua itu.*

bebarau barau-barau (burung).

bebaru sj tumbuhan (pokok yg berbunga), baru, baru-baru, *Hibiscus tiliaceus*.

bebas (bébas) **1.** tidak terhalang (utk bergerak, bercakap, dll), tidak terkongkong, tidak terkurung, lepas, leluasa: *angkasa ~; dunia ~; politik ~; setiap orang ~ mengeluarkan pendapatnya;* **2.** lepas drpd kewajiban (tuntutan, ketakutan, cukai, hukuman, dll): *ia ~ drpd kewajiban memberi belanja kpd bekas isterinya; tidak seorang pun ~ drpd cukai;* **3.** merdeka (tidak dikuasai oleh negara lain): *negara-negara ~ menjadi ahli B.B.;*

~ cukai tidak dikenakan sebarang cukai (tentang perniagaan, barang, dll); *~ tol* a) tidak dikenakan bayaran utk panggilan telefon: *syarikat itu menyediakan satu talian telefon ~ tol;* b) tidak dikenakan bayaran utk menggunakan jalan raya, jambatan dll: *kerajaan akan menyediakan laluan alternatif ~ tol bagi setiap jalan bertol;*

membebaskan **1.** memberi keadaan bebas (utk bergerak, bercakap, dll), memberi keleluasaan, melepaskan: *baru beberapa hari dibebaskan drpd tahanan, ia sudah mencuri lagi*; **2.** melepaskan drpd kewajiban (tuntutan, tekanan, hukuman, dll): *tidak patut ia ~ diri drpd tanggungjawab terhadap gadis itu*; **3.** memerdekakan (drpd kekuasaan lain): *angkatan bersenjata Sekutu ~ Yunani drpd tangan Fasis*; **4.** memberhentikan (drpd tugas atau jawatan): *pegawai itu dibebaskan drpd jawatannya*;

kebebasan perihal (keadaan) bebas, kemerdekaan: *Kedah mencari ~ negerinya drpd takluk orang-orang Siam*; ~ *akhbar* kebebasan surat khabar menyiarkan berita (membuat ulasan dsb) tanpa dikongkong atau disekat;

pembebasan perihal (perbuatan, tindakan, usaha) membebaskan: *negara itu meneruskan perjuangan ~ wilayahnya yg diduduki musuh*;

pembebas orang (alat dll) yg membebaskan: *kuman ~ nitrogen*.

bebat kain dll utk membalut;

membebat membalut: *dia ~ luka itu*;

pembebatan perbuatan membebat;

pembebat **1.** orang yg membebat; **2.** benda utk membebat.

bebatai sj tumbuhan (pokok), beksa, bereksa, *Cassia timoriensis*.

bebawang organ pembiakan vegetatif yg merupakan tunas bawah tanah, terdiri drpd batang yg sangat pendek dan dikelilingi beberapa lapis daun tebal yg berisi makanan simpanan; ~ *gantung* sj bebawang yg pembiakannya terjadi drpd benih yg gugur dr bunga.

bebayuh Sr beroleh hak atau giliran seseorang perempuan yg bermadu drpd suaminya: *timbul konsep ~ yg berpunca drpd sistem kepercayaan orang Melanau*.

bebe (bébé) I Id = *baju* ~ gaun (baju perempuan cara Barat).

bebe (bébé) **II** IB pegawai perkhidmatan awam.

bebe (bébé) **III** Kd bayi, anak kecil yg masih menyusu.

bebeh (bébéh) Kd; **membebeh**, **terbebeh** terunjur keluar (bibir sebelah bawah).

bebek (bébék) **I** Jk itik;

membebek berlaku spt bebek (mengikut pendapat atau kata orang dgn tidak berfikir, beristeri banyak, dll);

pembebek orang yg suka mengikut kelakuan (cakap dll) orang lain.

bebek (bébék) **II** embek (bunyi kambing, biri-biri);

membebek mengembek; *masuk kandang kambing ~, masuk kandang kerbau menguak* prb harus pandai menyesuaikan diri pd setiap keadaan;

bebekan embek.

bebel (bébé); **membebel** **1.** mengeluarkan kata-kata secara yg tidak tersusun atau yg sukar difahami, mengomel; **2.** berleter;

membebelkan membebel tentang;

bebelan kata-kata yg dikeluarkan oleh orang yg membebel, omelan.

bebel Jk sukar mengerti, sukar belajar; → **bebal**.

bebelak sj tumbuhan (pokok), kesuma bukit, menarung gajah, *Trichospermum kurzii*.

bebenah Jk berkemas-kemas, mengemas-ngemas, merapikan, membersihkan.

bebenang **1.** garis timbul yg berlilit-lilit di sekeliling bahagian luar skru atau bahagian dlm nat, ulir; **2.** sesuatu yg kelihatan spt benang: *tuala yg tepinya dihiasi ~ perak*.

beber (bébér); *wayang* ~ Jw sj wayang yg dipertunjukkan dgn cara membuka gambar-gambar yg terlukis pd kain putih yg bergulung;

membeber membuka (gulungan, payung, dll);

membeberkan 1. mengembangkan (bendera, layar, dll), membentangkan: *jong itu telah ~ layarnya*; 2. membentangkan: *keterangannya ~ betapa banyaknya perubahan itu*; 3. membuka (rahsia dll): *dia suka ~ rahsia orang*;

beberan bentangan;

pembeberan perbuatan membeber(kan).

beberapa lebih drpd dua tetapi tidak banyak: ~ *hari sebelum kemalangan itu berlaku*; ~ *buah buku*.

beberas sj tumbuhan (pokok), kedondong matahari, kijai, beras-beras, *Trigonochlamys griffithii*.

beberat benda berat yg dilemparkan atau diangkat sbg senaman olahraga.

beberek (bebérék) berek-berek (sj burung).

bebesaran sj tumbuhan (pokok), *Morus alba*; → **besaran**.

bebeti sj tumbuhan (pokok), beti-beti, *Flueggia virosa*; → **beti**.

bebiri biri-biri.

bebodoran Id ark pelawak, badut.

bebola sesuatu (objek dsb) yg berbentuk bulat spt bola;

~ *ikan* isi ikan yg digaul dgn telur dll dan dibentuk bulat-bulat kecil; ~ *mata* biji mata; *alas* ~ bebola logam yg bergerak dlm suatu gelang di sekeliling suatu batang dlm suatu mesin supaya batang itu bergerak dgn lebih mudah dan kurang bergeseran.

beboreh (beboréh) → **boreh**.

bebotok botok, botok-botok.

bebuas sj tumbuhan (pokok renek), buas-buas, bebuat, *Premna integrifolia*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok renek), buas-buas bukit, *Viburnum sambucinum*.

bebuat sj tumbuhan (pokok renek), bebuas.

bebulan bulan-bulan (sj tumbuhan).

bebuli objek atau bahagian sesuatu alat yg bentuknya bulat, spt bonjolan yg terdapat pd termometer.

bebulu bulu-bulu.

bebuluh buluh-buluh.

bebusuk sj tumbuhan, bereksa, busuk-busuk, *Cassia spp.*

bebuta sj tumbuhan (pokok), buta-buta, kayu mati buta, *Excoecaria agallocha*.

beca Tr bengkak dan bernanah, khususnya pd kaki: *kuku jari mak cik yg kena duri nibung semakin ~*.

beca (béca) sj kenderaan beroda tiga utk seorang atau dua penumpang yg dikayuh oleh seseorang; *tukang ~ orang yg mengayuh beca*;

berbeca menaiki (menumpang) beca.

becah → **bencah**.

becak **1.** bintik, rintik, kurik; **2.** kotoran;

berbecak-becak **1.** berbintik-bintik, berintik-rintik, berkurik-kurik: *bajunya ~*; **2.** kotor: *seluarnya ~ kena lumpur*.

becak (bécak) **1.** berlumpur, lecah: *padang agak licin dan ~ kerana hujan sejak beberapa hari; tidak hujan lagi ~, inikan pula hujan prb semasa senang sahaja sudah susah, apa lagi semasa susah*; **2.** tanah lembut yg berair, lumpur, selut: *mereka sanggup berkorban apa saja walaupun terpaksa meredah ~ dan menghidu bau busuk di kawasan itu; penduduk terpaksa berjalan kaki menyusur liku-liku jalan yg dilitupi ~ dan lopak*;

membecakkan mengotori dgn lumpur, melecahkan: *hujan lebat ~ jalan tanah merah di situ*.

becang (bécang); *~-becok* bunyi bising dan hingar bingar.

becar sl silau (kerana sinar matahari).

becek (bécék) Id becak, berlumpur (dan berair).

becok (bécok) bercakap dgn bising dan tidak henti-henti: *mereka ~ bercerita tentang hal masing-masing; ~ mulut* suka bercakap;
kebecokan; *~ mulut* perihal becok (mulut): *ada kesedihan yg tersimpan di sebalik keriuhan dan ~ mulutnya.*

becokok Jk sj buaya kecil, buaya katak.

becuk sj ikan laut, *Pseudodat moluccanus.*

becus Jk; *tidak ~* tidak cekap, tidak rapi.

beda (béda) beza.

bedah 1. pecah, rabak, sobek (bkn bendungan dll): *kerana hujan lebat, empangan itu telah ~; 2.* berkaitan dgn (terlibat di dlm, digunakan utk) pembedahan: *doktor ~; ilmu ~; perkakas ~;*

membedah 1. membelah mana-mana bahagian badan utk membuang atau merawat bahagian yg berpenyakit: *kalau tidak dibedah, penyakitnya itu tidak akan sembuh; 2.* membelah bahagian tubuh (biasanya binatang utk melihat isi di dalamnya utk tujuan pembelajaran): *~ arnab;*

pembedahan perbuatan (proses dll) membedah: *utk menyembuhkan penyakitnya, ia terpaksa menjalani ~; ~ itu mengambil masa tiga jam;*

~ jantung terbuka pembedahan besar ke atas jantung pesakit dgn pengaliran darahnya dilakukan secara mekanikal semasa pembedahan itu; *~ kosmetik* pembedahan yg dilakukan utk memperelok atau mempercantik penampilan, terutamanya rupa seseorang; *~ mikro* mikrosurgeri; *~ plastik* pembedahan utk mencantikkan atau memulih bentuk sesuatu struktur tubuh yg cacat, berpenyakit, atau kurang cantik;

pembedah 1. orang (dokter) yg membedah; **2.** alat utk membedah.

bedah siasat 1. pemeriksaan secara pembedahan dsb yg dilakukan ke atas mayat atau bangkai binatang utk mengetahui atau mengenal

pasti punca kematiannya, post-mortem: *mayat mangsa dihantar ke Hospital Ampuan Rahimah utk ~; laporan ~ menunjukkan darah dua lelaki itu mengandungi alkohol; 2. analisis, kajian semula, perbincangan dsb sesuatu peristiwa (perlawanan dsb) yg baru berlaku, terutamanya utk melihat punca kegagalannya dsb, post-mortem: parti itu akan membuat ~ ekoran drpd kekalahan besar dlm pilihan raya kecil baru-baru ini; pihaknya akan melakukan ~ utk meneliti perkara yg berlaku sepanjang kejohanan itu;*

membedah siasat melakukan bedah siasat: *beberapa pegawai dihantar utk ~ bangkai gajah terbabit; berapa kali prestasi pasukan bola itu hendak dibedah siasat?*

bedak bahan berbau harum (biasanya berupa serbuk halus) yg dipakai pd kulit (terutamanya pd muka);

~ air bedak yg sudah bercampur air; *~ batu* = *~ buku* bedak yg berketul; *~ dingin* Id bedak sejuk; *~ muka* bedak yg dipakai utk mencantikkan muka; *~ panas* sj bedak utk ubat; *~ podar* bedak yg halus (spt tepung); *~ sejuk* bedak yg dibuat drpd tepung beras (dihancurkan dlm air sebelum dipakai); *~ siam* bedak air yg wangi;

berbedak dibubuhi (disapu) bedak: *mukanya belum ~ lagi;*

membedaki membubuh (menyapu) bedak pd: *dia mengambil sedikit bedak utk ~ mukanya;*

membedakkan membubuhkan atau menyapukan bedak pd: *dia ~ bayi itu.*

bedak (bédak) Kd; **membedak** membahagi.

bedal I pukul: *ular itu mati kena ~;*

membedal 1. memukul, menghentam: *dia dibedal perompak-perompak itu sehingga pengsan; 2. memakan hingga habis: kuih-kuih itu habis dibedalnya; 3. ki menentang (pendapat, dll): saya*

tak bermaksud utk ~ sesiapa pun dlm masalah ini; 4. mengambil buah dgn cara memukul dgn galah.

bedal II Jk lepas dan lari (bkn kuda dll).

bedama Jw, sl sj parang.

bedan = bedan-bedan 1. bengkak-bengkak merah pd kulit (bekas kena pukul atau kena garu); **2.** bintat-bintat merah pd kulit kerana terkena ulat bulu;

berbedan, berbedan-bedan ada bedan: *badannya ~ apabila terkena ulat bulu yg berbisa itu.*

bedara → bidara.

bedaru → daru.

bedat, bedata sj tumbuhan (pokok), berembang, gedaba, pedada, *Sonneratia caselaris.*

bedaya Jw ark penari wanita di istana.

bedebah kata makian: *anak ~; si ~.*

bedebuk → debuk.

bedegap Id ark kuat, tegap.

bedegong Id ark keras kepala, tidak beradat.

bedel (bédél) Jw belah, bedah;

membedel melakukan pembedahan, membedah.

bedeng (bédéng) 1. berek (rumah sementara utk pekerja-pekerja dll); **2.** = **bedengan** batas (utk menanam sayur dll); **3.** batas, permatang (sawah).

bedil I senjata (spt senapang, meriam, dsb): *~ pekatu; ~ pemuras; ~ pengatu; ~ tegadas; ~-bedal* bermacam-macam bedil; *~ besar* sl meriam;

menghadapkan ~ pulang prb merugikan kaum keluarga sendiri; *menjual ~ kpd lawan* prb mencelakakan diri sendiri; *seletus ~ berbunyi, mencelur ikan dlm laut, berkokok ayam dlm hutan* prb

kata yg sepatah dapat menggemparkan orang di mana-mana (jika hendak berkata-kata, fikirlah dahulu supaya jangan menjadi heboh);

berbedil-bedilan berbalas-balas tembakan, bertembakan, bertembak-tembak: *kedua-dua pasukan itu ~ utk beberapa jam;*

membedil menembak dgn bedil, memasang bedil: *musuh ~ kota itu dr laut;*

bedilan hasil membedil, tembakan: *serangan-serangan tersebut dimulakan dgn ~-~ hebat dr dua buah kapal;*

pembedilan perbuatan membedil;

pembedil orang yg tugasnya membedil.

bedil II; ~ *lalat* sj tumbuhan (pokok renek), balun hijau, bulu-bulu, meletup api, pokok tepuk lalat, *Diospyros argentea*.

bedooh Tr melampau, keterlaluan: *bersopanlah sedikit makan nasi, mak tengok ~ sangat.*

beduan sj nyanyian rakyat dr negeri Perlis yg diiringi bunyi-bunyi gendang.

bedudak Jw ular beludak.

beduk sj gendang besar di surau, masjid, dll, tabuh.

bedukang sj ikan laut, belukang, pedukang, *Arius leiotetocephalus*.

bedung = **bedungan** kain utk membalut badan bayi;

membedung membalut dgn bedung: *bayi itu dibedung dgn kemas;*

terbedung dibalut dgn bedung.

beg (bég) bekas utk mengisi, menyimpan atau membawa pakaian, surat, buku, dll yg dibuat drpd kulit dll;

~ *baju* = ~ *pakaian* beg tempat pakaian; ~ *bimbit* a) beg kecil berbentuk empat segi yg digunakan utk membawa dokumen; b) = ~ *jinjit* beg yg dijinjit atau dijinjing; ~ *buku* = ~ *sekolah* beg utk mengisi buku-buku sekolah; ~ *diplomatik* beg atau bekas yg berisi

surat rasmi, barang dsb yg dihantar kpd atau drpd sesebuah kedutaan, biasanya tidak diperiksa oleh pihak berkuasa kastam dsb; ~ *duit* = ~ *saku* = ~ *wang* beg kecil utk mengisi wang; ~ *galas* = ~ *sandang* beg yg digalas pd bahu; ~ *kepit* sj beg tidak bertali yg biasanya dibawa dgn mengepitnya di celah ketiak atau dipegang dgn tangan; ~ *surat* beg tempat surat; ~ *tangan* beg perempuan yg dijinjing di tangan atau digalas di bahu.

beg (béga) **I**; **berbega**, **membega** berkeliling (berjalan, terbang, dll); **begar**.

beg (béga) **II**; **membega** membidik, mengacu, mengarah.

beg (béga) **III** NS; **membegakan** memperlihatkan sbg keterangan: *perkataan ini terbit drpd ibarat tangkai padi, yg langgak atau kelihatan, maka yg itulah saja dituai yakni dibegakan;*

membega, **membega-bega** menggerak-gerakkan atau membetulkan bahagian-bahagian sesuatu mesin dll supaya berjalan dgn baik.

begahak sj ikan darat, gerahak, *Belodontichthys dinema*.

begak (bégak) pesolek, kacak, segak.

begal (bégal) ark penyamun;

membegal menyamun, merampas (di jalan);

pembegalan penyamunan, perampasan.

begana I Jw sj nasi yg bercampur lauk-pauk.

begana II; ~-*begini* berhelah, berdalih.

begandering, **begandring** Id ark bp mesyuarat, sidang.

begap 1. tegap dan besar (tubuh dll); **2.** besar dan kuat (kaki bangku dll).

begar 1. keras (walaupun direbus atau diperam), tidak mahu empuk; **2.** tidak dapat berubah lagi (tabiat dll), tegar hati.

begar (bégar); **berbegar**, **membegar** berkeliling (berjalan, terbang, dll), berlegar;

membegari mengelilingi (berjalan, terbang, dll).

begawan gelaran bagi pendeta atau pertapa (yg berbahagia, yg mulia).

begenuak Kd terlalu banyak.

begian-begian begini-begini (mempercakapkan orang dll): *si anu pemalas, si anu dipukul oleh suaminya, si anu ~.*

begini bagai ini, macam ini, seperti ini: *tulislah ~;*

sebegini sebanyak ini, sekian ini;

begini-begini memperkatakan seseorang dll secara umum tanpa penjelasan: *datuk nenek kami dahulu adalah ~;*

membeginikan membuat (memperlakukan) spt ini: *saya tidak suka dibeginikan, tidak senang dibegitukan;*

beginian Jk seperti ini, demikian ini.

begitu 1. bagai itu, macam itu, seperti itu: *dahulu pun ~ juga; 2.* amat sangat, terlalu: *mereka hidup ~ mewah;*

~ benar amat sangat, terlampau sangat: *~ benar lokek orang itu;*

~juga demikian juga: *anak itu rajin, ~ juga adiknya; ~pun* a) meskipun begitu; b) begitu juga;

sebegitu 1. seperti itu, sebagai itu, begitu: *sengaja atau tidak pameran dibuat ~, kita tidak dapat menafikan hakikat wujudnya perkara itu; 2.* sangat, terlalu; *~ banyak* sangat (terlalu) banyak;

membegitukan membuat (memperlakukan) spt itu: *saya tidak suka dibegitukan.*

begol (bégol) sj trompet yg digunakan oleh tentera.

begonia (bégonia) sj tumbuhan taman drpd genus *Begonia* yg daun dan bunganya berwarna terang.

begpaip (bégpaip) sj alat muzik yg popular di Scotland.

begu Id sj hantu (hutan).

beguk (penyakit) bengkak pd leher akibat pembesaran luar biasa kelenjar tiroid, serah beruk, bengkak cantik, degum.

begum (bégum) gelaran kpd wanita Islam yg berkedudukan (di beberapa negara Islam tertentu, terutamanya Pakistan).

begundal Jk abdi, kakitangan.

begung Tr tanah yg lebih tinggi dr sekitarnya.

beguri Kl, Tr jualan (belian) yg pertama pd sesuatu hari.

begut (Muz) sj seruling buluh puak Jahut (rumpun bangsa orang asli dr suku Senoi) di Pahang.

behavioris (béhavioris) penganut behaviorisme.

behaviorisme (béhaviorisme) doktrin yg menekankan bahawa satu-satunya cara yg sah utk mengkaji psikologi manusia atau haiwan adalah dgn memerhatikan tingkah lakunya.

behena (behéna) sl **1.** amat penting, luar biasa, istimewa: *ada orang yg berdosa kpd Raja Mahmud, salahnya pun tiada apa ~*; **2.** hirau, peduli, acuh: *Raja Inayat Shah pun tiadalah ~ menyelenggara istiadat peperangan, spt adat dahulukala.*

bejana bekas (air dll), balang, jambang; ~ *berhubungan* Id balang yg berhubungan antara satu sama lain.

bejat **1.** Jw rosak (barang anyaman dll); **2.** Id, bp rosak (budi pekerti), buruk (kelakuan), tidak berguna lagi;

membejatkan merosakkan;

kebejatan kerosakan, keburukan.

bejelak Kl sangat lapar.

bejemo Sr sj adat perkahwinan (diadakan di satu tempat sahaja).

bek (bék) **I** bunyi kambing atau biri-biri;

mengembek mengeluarkan bunyi bek; → **bebek** **II**.

bek (bék) **II** Jk ketua kampung, lurah.

bek (bék) **III** (Suk) pemain atau kedudukan barisan pertahanan (bkn permainan bola sepak, hoki dsb): *ia pandai bermain bola sepak, biasanya sbg ~.*

beka (béka) I sj kuih; → **bingka**.

beka (béka) II; **berbeka, berbeka-beka** sl bercakap-cakap, bermesyuarat.

beka (béka) III Mn ark kelak.

beka (béka) IV sj pokok renek yg boleh dibuat ulam dan ubat.

bekah Kl cabik (pd jahitan), sobek.

bekak sj tumbuhan, merelang, pasak telinga, lantupak, segera, *Amoora spp.*

bekal 1. persediaan yg dibawa dlm perjalanan (spt makanan, wang, dll): *menyediakan ~ utk musim sejuk*; 2. segala yg mungkin berguna pd masa depan: *ilmu dicari utk ~ hidup*;

berbekal mempunyai bekal, membawa bekal: *ia datang ke mari ~ pakaian di badan*;

berbekalkan mempunyai sesuatu sbg bekal: *~ ilmu di dada*;

membekali memberi bekal kpd: *anak itu dihanyutkan di dlm sebuah perahu, dibekali dgn sepucuk surat dan loket tergantung di lehernya*;

membekalkan memberikan bekal, menyediakan sesuatu sbg bekal: *sebelum berangkat, air tambahan mesti dibekalkan*;

bekalan benda-benda yg dipakai (disediakan) sbg bekal, (benda-benda) persediaan: *~ makanan hanya sebanyak yg terlarat dibawa*;

bekal-bekalan bermacam-macam bekal;

perbekalan bekal;

pembekalan perihal (perbuatan, usaha, dsb) membekalkan: *ia menghentikan ~ makanan utk masyarakat kota*;

pembekal orang yg memberi (menyediakan) bekal: *pasukan ~*; ~ *modal* orang yg memberi modal.

bekalembaga bahagian drpd biji, endosperma.

bekali Kl, Tr barangkali.

bekam I; membekam 1. mengeluarkan darah kotor drpd badan seseorang dgn cara membedah sedikit pd kepala atau belakang badan dan menghisap darah kotor dgn tanduk atau cawan panas yg ditelungkupkan pd tempat yg telah dibedah itu; **2.** Jk mencengkeram, mencekau;

terbekam dibekam;

pembekaman perbuatan (cara) membekam;

pembekam 1. orang yg melakukan kerja membekam; **2.** alat utk membekam.

bekam II; membekam memendamkan (perasaan dll), menyembunyikan:
hatinya ~ rasa sedih.

bekas I 1. tanda-tanda yg ditinggalkan, kesan: *~ tapak kaki di pasir; ~-~ kudis itu menghodohkan kakinya; ~-~ darah yg terdapat pd bajunya; 2.* dahulunya (sekarang tidak lagi), pernah menjadi: *~ suami; duduk bersanding dan tepung tawar adalah ~-~ adat Hindu; 3.* akibat (drpd sesuatu): *perkahwinan campuran antara dua golongan itu membawa ~ yg mengaibkan;*

~ luka parut (sesudah sembuh luka); ~ tangan a) tandatangan; b) tulisan tangan; c) hasil buatan sendiri; d) pukulan; ~ tubuh pakaian yg sudah dipakai;

berbekas mempunyai bekas (tanda dll): *tangannya masih ~ tanah;*

membekas meninggalkan bekas: *kesan-kesan yg diterimanya ~ dalam sekali pd jiwanya;*

membekaskan membuat bekas, meninggalkan bekas: *kata-katamu itu ~ kesan pd hatinya.*

bekas II tempat menyimpan (menaruh) sesuatu; *~ sirih* tempat sirih.

bekasam → **pekasam.**

bekat; penuh ~ penuh sesak.

bekatul Jk serbuk halus drpd kulit padi, dedak.

bekeng (békéng) Kl perengus, lekas marah.

beker (békér) I sj jam yg berbunyi (utk menjagakan orang).

beker (békér) II IB piala.

bekil sj ikan laut.

bekoi sj tumbuhan, telinga badak, rambai-rambai, *Crypteronia spp.*

beksa (béksa) **1.** sj tumbuhan (pokok), sebusuk (hutan), terkap bumi, *Cassia nodosa*; **2.** sj tumbuhan (pokok), batai, bebatai, bereksa, *Cassia timorientasis*.

beksan Jw tarian Jawa.

beku **1.** pejal, keras (bkn benda cair): *di kutub, air laut ~ sepanjang tahun*; **2.** ki kaku, tidak bergerak: *yg ~ dan tidak selaras dgn zaman moden; bahasanya usang dan ~; modal utk membeli barang baru masih ~ di tangan penghutang*; **3.** ditangguhkan (berlakunya sesuatu), digantung, dilarang bergerak: *parti itu perlu diharamkan ataupun dinyatakan ~ sementara; ~ otak = ~ fikiran tidak mudah faham*;

membeku menjadi beku: *darah yg keluar itu sangat lambat mengalir, tetapi ia segera ~*;

membekukan **1.** menjadikan beku, membuat (sesuatu) menjadi beku atau pejal: *dlm masa seminggu sahaja, sudah pandai menggunakan pisau toreh dan ~ getah*; **2.** menghentikan sesuatu amalan (pergerakan, kegiatan, kemudahan, dll) buat sementara: *peminjaman wang utk membeli kereta telah dibekukan pd bulan lalu; ~ jawatan menghentikan pengisian jawatan kosong buat sementara waktu*;

kebekuan perihal (keadaan) beku: *keadaan ini boleh membawa kita keluar drpd ~ fikiran*;

pembekuan perihal atau perbuatan membeku(kan): *batu-batan di negeri-negeri yg berhawa dingin kerap kali pecah oleh ~ air di celah-celahnya;*

pembeku bahan yg digunakan utk membekukan sesuatu.

bekuan Kl panas.

bekuk Id; **membekuk** **1.** melengkokkan (mematahkan) benda yg keras;

2. = ~ *batang leher* menangkap (pencuri, perompak, dll): *seorang pengawal merampas senjata api dan seorang lagi ~ perompak itu;*

3. memperdayakan, menipu;

pembekukan pelengkokan, penangkapan, penipuan.

bekuku → **bekukung.**

bekukung sj ikan laut, *Sparus hasta.*

bekwah (békwah) Kl, Tr kenduri arwah.

bela; berbela terpelihara, berjaga: *misainya tidak ~;*

berbelakan sl memelihara, menyelamatkan: *maka orang pun semuanya datanglah ~ harta dlm istana;*

membela **1.** memelihara: ~ *ayam dan itik; ~ anak sehingga dewasa;* **2.** memelihara makhluk halus spt pelesit, hantu, dll;

terbela dibela: *harta itu tidak ~ drpd bahaya api;*

teperbela sl dapat dibela (dgn sungguh-sungguh): *maka kenaikan ayah hamba pun tiada ~ lagi;*

belaan yg dibela (orang, binatang, dll), peliharaan: *kerbau itu ~ jiran saya; aku tinggal anak-beranak seramai tujuh orang dan seorang anak ~;*

kebelaan sl bela, yg dibela: *segala raja akan ditanyai Allah drpd segala ~nya, drpd segala rakyatnya;*

pembelaan perihal membela, pemeliharaan;

pembela orang yg membela: ~ *itik.*

bela (béla); *mencari* ~ = *mengambil* ~ = *menuntut* ~ menuntut balas (dgn cara membunuh pembunuh, memukul orang yg telah memukul orang lain, dll);

membela **1.** membunuh diri utk ikut mati: *bersama-sama di atas lorong itu ialah mayat isteri-isteri yg telah ~ kematian suami mereka*; **2.** membalas membunuh dll: *mereka bermuafakat hendak ~ kematian ayah mereka*; **3.** melindungi, menyelamatkan, mempertahankan: *aku ingin melihat anak aku menjadi doktor atau peguam supaya dapat ~ nasib orang miskin spt aku; jikalau mahkota ini tiada dibuangkan, tiadalah patik semua dapat ~ kenaikan ini; tradisi ~ rakyat; ~ diri mempertahankan diri (drpd tuduhan, dakwaan, dsb)*;

terbela dapat dibela (dilindungi, diselamatkan, dipertahankan): *nasib bangsa Melayu tidak ~ pd zaman penjajahan*;

pembelaan perihal membela: *si miskin tetap menderita tanpa ~ yg sewajarnya*;

pembela orang yg membela; ~ *uri* pemain terakhir dlm permainan gasing.

belabas sl sj kain sutera berbenang emas.

belabat sl sj pedang: *Dato Batin Alam pun mengambil ~ dua bilah*.

belabik Kl munasabah, masuk fikiran.

belacak sj ikan yg terdapat di kawasan pantai dan dapat bergerak di darat (selut) dgn menggunakan sirip, *Periophthalmus spp.*

belacan sj bahan makanan yg dibuat drpd udang atau ikan kecil-kecil yg ditumbuk lumat, digunakan utk menyedapkan masakan, terasi; *bagai ~ dikerat dua prb hal yg mendatangkan aib kpd kedua-dua belah pihak; spt kera kena ~ prb sangat gelisah*.

belacu kain mentah (kain putih).

beladau sj golok: *nyiur itu ditetaknya dgn ~*.

beladung → **ladung II**.

belaga; *ikan* ~ sj ikan darat, sepilai, pelaga, *Betta splendens*.

belah I 1. retak, celah: *di antara bangsa-bangsa itu ada pangsa dan ~ bagi*; **2.** pecah dua (tiga dll): *bagai pinang ~ dua*; **3.** bahagian, sisi, pihak: *dia membeliakkan kedua-dua ~ matanya*;

~ bagi cerai-berai, tidak bersatu; *~ batang* sj jerat babi; *~ betung* belah yg panjang di tengah-tengah; *~ buluh* garis-garis lebar memanjang (pd kain); (*baju*) *~ dada* baju yg terbuka di bahagian depan; *~ kangkung* sj jahitan; *~ ketupat* potongan wajik; *retak menanti* ~ prb retak perselisihan yg akan menjadi besar;

sebelah 1. setengah, separuh, seperdua, sebahagian (drpd sepasang, dua benda): *beri aku nyiur ~*; *cinta itu tidak datang dr ~ sahaja*; **2.** bahagian, jurusan, arah: *pd ~ petang*; *orang tuanya tinggal di ~ hilir*; **3.** dekat, samping: *orang ~ (rumah)*;

sebelah-menyebelah pd kedua-dua belah (sisi, pinggir): *keriuhan di rumah itu mengganggu orang ~*; *gambar kedua-dua orang anaknya digantung ~ kalendar*;

bersebelah, bersebelah-sebelahan bersampingan, berdekatan: *ia tidur ~ bilik dgn kakaknya*;

menyebelah berpihak kpd: *kalau ia tidak setuju dgn aku itu tidak mengapa, tetapi janganlah ia ~ kpd lawanku*;

menyebelahi menyebelah kpd: *dia sentiasa ~ pihak yg benar*;

menyebelahkan 1. memisahkan, mengesampingkan: *tiap bulan ia ~ sebahagian drpd pendapatannya utk membayar hutang*; *kerajaan Afrika Selatan bertujuan ~ orang Eropah dgn orang-orang yg berwarna*; **2.** menempatkan diri (pergi, duduk) di sebelah: *ia duduk ~ emaknya*;

berbelah; ~ *hati* tidak tetap pendirian, tidak dapat memutuskan sesuatu; *hatinya berbelah-belah* = *hatinya* ~ *balik* tidak tetap pendiriannya;

membelah 1. memecahkan (membahagikan) menjadi dua atau banyak bahagian: ~ *kayu api*; *serambut dibelah tujuh* kecil sekali, sedikit sekali; **2.** menukarkan keadaan, memecahkan: *satu letupan* ~ *kesunyian malam*; *halilintar* ~ *bumi (udara)* sangat kuat bunyinya; **3.** bp membedah;

terbelah terbahagi, terpecah: *Laut Merah* yg ~ *menjadi jalan* yg *terbentang*;

belahan 1. celah (retak) panjang: ~ *di tembok*; **2.** bahagian (kepingan) sesudah dibelah: ~ *terbesar drpd nyiur itu, disimpannya utk esok*; *hatinya balik* ~ *hatinya berbalik-balik*; **3.** = ~ *diri* = ~ *hati* = ~ *jiwa* kekasih, isteri; **4.** perihal mengerjakan sawah (tanah) orang lain dgn syarat hasilnya dibahagi dua: *ia tidak menyewa tanah itu, tetapi mengambil* ~; **5.** Mn keluarga, sanak: *bapanya bergelar Datuk Lela Panjang, suku Jelutung, ~ Raja Pagar Ruyung*; ~ (*sel*) perihal memperbanyak sel;

pembelahan 1. perihal membelah: *permusuhan antara kedua-dua golongan akan mengakibatkan* ~ *Pulau Cyprus*; **2.** bp pembedahan;

pembelah alat utk membelah.

belah II; sebelah; *ikan* ~ sj ikan laut, a) *Pseudorhombus arsius*; b) *Pseudorhombus javanicus*.

belahak; membelahak, terbelahak 1. berdaham-daham seakan-akan hendak berdahak; **2.** sendawa: *aku sudah kenyang sampai* ~.

belah bahagi; berbelah bahagi (bagi) tidak tetap atau teguh (pendirian, perasaan, dsb) pd sesuatu tumpuan, berbahagi, berpecah: *rakyat Malaysia harus bersatu padu dan jangan* ~;

membelahbahagikan menyebabkan atau menjadikan berbelah bahagi: *aku tidak pernah ~ kasihku padamu.*

belai I = belaian hasil perbuatan membelai: *ia terkenang akan pujuk cumbu, pangku dan ~ manja isterinya;*

membelai, membelai-belai 1. mengusap-usap (dgn kata-kata pujukan atau perasaan kasih sayang): *ia turut menangis sambil ~-belai rambut Sarinah yg lepas terurai; 2.* ki membuat berasa seronok dan tenteram: *muzik yg ~ jiwanya; 3.* meniup dgn perlahan-lahan sehingga bergoyang-goyang sedikit: *daun-daun bergoyang-goyang dibelai angin.*

belai II; belu-~ berleter.

belai III; ~ besar sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ipuh batang, *Strychnos pubescens; ~ hitam* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ipuh, *Strychnos ovalifolia.*

belai IV Tr biar, tidak apa.

belak 1. belang pd kayu (disebabkan urat kayu); **2.** belang-belang putih pd kulit (penyakit kulit);

berbelak-belak 1.berbelang-belang pd kayu; **2.** berbelang-belang pd kulit.

belaka semuanya atau seluruhnya sekali (tidak ada kecualinya): *manusia di dlm hutan itu habis mati ~; ia bercakap sangat manis, pd hal hanya cakap dusta ~.*

belakai Tr belaka.

belakang I 1. bahagian badan di sebalik dada, bahagian yg dianggap sbg lawan hadapan: *orang itu kena tikam di ~nya dgn pisau; ~ parang*
a) bahagian yg tidak tajam (lwn mata); b) Kl orang yg bodoh; ~
tangan lwn telapak tangan; **2.** tempat (arah) yg berlawanan dr hadapan: *surut ke ~; 3.* (pd) masa yg terkemudian (terakhir): *ia yg datang paling ~; bayarannya ~ kira;*

~ *hari* kemudian hari (kelak); ~ *kapal* buritan;

~ *parang lagi (kalau) diasah nescaya tajam* prb biar bodoh sekalipun, kalau belajar nescaya akan pandai juga; *balik ~ lain bicara* prb kalau berjauhan, lain perbuatannya (merugikan dll kawan);

di belakang **1.** di tempat (arah) yg berlawanan dr hadapan: *rumahnya ~ rumah saya; ia berdiri ~ pintu*; **2.** kemudian, kelak, sesudah(nya): *kesusahan hitung ~; akan menyusul suratku ~; ~ mata* (bila orang) tidak melihat, dgn tidak dilihat orang;

ke belakang **1.** ke jurusan belakang (surut, mundur, dll): *menoleh ~*; **2.** ke bahagian belakang rumah (ke dapur dll): *ia minta diri pergi ~ utk menjemput isterinya*; **3.** bh buang air besar atau kecil: *saya hendak ~ sekejap*;

mengebelakangkan **1.** menempatkan ke belakang, memundurkan: *jam itu dikebelakangkan kerana 10 minit cepat jalannya*; **2.** mensia-siakan, tidak mengendahkan (mempedulikan dll): *apabila kau sudah besar dan berpangkat, ibu bapa janganlah dikebelakangkan*;

terkebelakang, terbelakang **1.** ketinggalan, tercicir, kurang maju: *aku hendak meninggikan taraf orang kampung yg sangat ~ itu*; **2.** terakhir, terkemudian: *berita yg ~ diterima hari ini*;

berbelakang-belakangan saling mengarahkan bahagian belakang (tubuh, rumah, dll), lwn berhadap-hadapan: *mereka berdiri ~ mempertahankan diri; rumah teres itu ~*;

membelakang **1.** dgn belakang ke (duduk, berdiri, dll): *ia duduk ~ ke pintu*; **2.** berada (tinggal) di belakang: *jangan kamu ~ saja*;

membelakangi **1.** mengarahkan belakang kpd, lwn menghadapi: *Tahir duduk ~ teman-temannya dlm bilik itu*; **2.** mensia-siakan,

tidak menghiraukan: *walaupun ia suka akan kesenangan dunia tetapi tidak pernah ia ~ ajaran Tuhan;*

belakang-membelakangi saling membelakangi, saling menghalakan belakang kpd yg lainnya: *Salmah dan Md. Nor ~ antara satu sama lain;*

membelakangkan 1. = **memperbelakangkan** menempatkan di belakang, lwn mendahulukan: *saya tidak meminta supaya didahulukan, tetapi saya tidak pula hendak dibelakangkan;* **2.** mensia-siakan, meninggalkan, tidak menghiraukan: *mereka ~ janji;*

belakangan 1. = **kebelakangan** = ~ *ini* sejak masa-masa yg kemudian ini, akhir-akhir ini: *pergolakan di Indonesia ~ ini berjalan sangat cepat sehingga amat susah utk mengikutinya;* **2.** kesudahannya, akhirnya, kemudian: *mula-mula ia menolak, tetapi ~ menerima juga tawaranku;* **3.** Jk (lebih) belakang: *siapa yg datang ~ tidak mendapat apa-apa;*

keterbelakangan perihal terbelakang: *Raffles mengakui bahawa keadaan ini dianggap sbg ~ intelek penduduk Melayu dan Indonesia;*

pembelakangan 1. perihal (perbuatan) membelakangi atau membelakangkan; **2.** Mn belakang.

belakang II; ~ *ular* sj tumbuhan (pokok), cincang, cungkil, leban bunga, *Allophylus ternatus*.

belaking 1. minyak tar; **2.** bahan berwarna hitam utk menggilap kasut.

belalah I makan dgn gelojoh, melahap, memajuh;

belalahan gelojoh.

belalah II Kl tidak payah, tidak usah, biarkan.

belalai I hidung yg panjang pd gajah dll: ~ *tenuk*; ~ *kupu-kupu*; ~ *gajah*;
mati gajah tiada dapat ~nya, mati harimau tiada dapat belangnya
prb orang dagang itu tiada sama haknya dgn anak negeri.

belalai II; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok memanjat), kait-kait hitam besar,
kait-kait jantan, kuku lang, *Uncaria sclerophylla*.

belalak I beliak, jegil;

membelalak, terbelalak terbuka luas-luas (mata), terbuka besar-
besar, terbeliak: *matanya ~ memandang lawannya*;

membelalakkan membuka (mata) luas-luas, membeliakkan
(mata): *Basir terdiam dan ~ matanya kpd Shahar*;

belalakan pandangan dgn mata membelalak.

belalak II; ~ *mata* sj ikan laut, perupuk, puput, tiruk, beliak mata,
Pellona ditchela.

belalang I sj serangga yg bersayap dan berkaki panjang; jenis-jenisnya:
~ *bajang*; ~ *daun*; ~ *hijau*; ~ *jarum*; ~ *kunyit*; ~ *mekah*; ~ *padi*; ~
patung; ~ *pelesit*; ~ *ranting*; ~ *rusa*; *pak* ~ orang yg selalu mujur
dgn tidak sengaja (ramalannya selalu benar dgn tidak
disengajakan);

~ *dapat menuai* prb mendapat keuntungan dgn tidak sengaja
(waktu mengerjakan suatu pekerjaan); ~ *telah menjadi helang* prb
orang yg bodoh dan hina telah menjadi cerdas dan mulia; *bagai*
mencari ~ atas akar prb mengerjakan pekerjaan yg mustahil
mendatangkan hasil; *mata ~ belum pecah, sudah hendak membuta*
prb dikatakan kpd orang yg hendak tidur malam terlalu awal
(siang-siang).

belalang II belalak;

membelalang membelalak;

membelalangkan membelalakkan (mata): *kalau kelihatan orang*
agak bodoh, ia ~ matanya.

belalang III; *akar ~ puak* sj tumbuhan (pokok renek), bunga sapung, medang kelelawar, akar pulai puak, *Pittosporum ferrugineum*.

belalang IV; *ikan ~ sj* ikan laut, ikan terbang, *Exocoetus spp.*

belam I kurang terang, samar; → **balam II**.

belam II; ~ *api* puntung yg menyala (ditinggalkan agar dapat dipakai apabila memerlukan api).

belam III ark; **membelamkan** memasukkan (menjejalkan dll).

belan ark kancing (pintu dll);

membelan memasang kancing pintu (pagar dll).

belanak sj ikan laut;

~ *rapang anjing* sj ikan laut, *Mugil dussumierii*; ~ *putih* sj ikan laut, *Mugil longimanus*.

belanar Kl, Tr banyak, terlalu banyak.

belan-belan Kl sambil, seraya.

Belanda 1. = *negeri* ~ negeri yg letaknya di Eropah Barat; **2.** = *orang* ~ penduduk negeri Belanda; **3.** = *bahasa* ~ bahasa penduduk Belanda; ~ *hitam* Id, bp orang Negro;

bagai ~ minta tanah prb (sesudah) diberi sedikit, minta lagi banyak; *spt ~ kesiangan* prb bertingkah laku spt orang Belanda; *tidak mati oleh* ~ prb orang yg telah kaya betul tidak akan jatuh miskin lagi (walaupun rugi dlm perniagaan dll);

membelandakan 1. menjadikan bersifat spt orang Belanda; **2.** menterjemahkan ke dlm bahasa Belanda; **3.** Id menyamakan haknya dgn warganegara Belanda;

kebelanda-belandaan Id bertingkah laku spt orang Belanda, kebarat-baratan.

belandang Jw ark; **membelandang** berlari cepat-cepat.

belandar Jw ark balak melintang sbg penyangga atap atau papan jambatan dll.

belandawi ark Belanda (kata sifat).

belandong Jw penebang kayu (di hutan);

belandongan **1.** penebangan kayu (di hutan); **2.** kayu yg telah ditebang.

belang **1.** jalur-jalur yg lain warnanya drpd warna dasar: *kucing ~; kuda ~; pak ~ harimau*; **2.** ki noda, cacat, perangai (yg buruk); *menunjukkan ~nya* a) memperlihatkan sifatnya (yg sebenar); b) memperlihatkan kekuasaannya;

harimau menunjukkan ~nya prb orang yg memperlihatkan kekuasaannya; *orang mati meninggalkan nama, harimau mati meninggalkan ~nya* prb orang baik meninggalkan nama baik, orang jahat meninggalkan nama buruk;

berbelang mempunyai belang: *tapak catur ~ putih hitam*;

berbelang-belang mempunyai belang yg banyak.

belang (bélang) belok, kelok;

berbelang; *~-belok* berkelok-kelok.

belanga periuk yg dibuat drpd tanah (utk memasak sayur dll); *memancing dlm ~* prb mencari keuntungan pd keluarga (sahabat) sendiri.

belangah ark; **terbelangah** ternganga, terbuka lebar.

belangkan sj tumbuhan (pokok), kangkatung, katung, kekatung, keranji kepoyang, a) *Cynometra inaequifolia*; b) *Cynometra polyandra*.

belangkas I sj ketam (betina) yg besar dan berekor spt sangkur (biasanya didapati berpasang-pasangan), *Limulus moluccanus*;

ekor ~ pedang (sangkur dll) yg berbentuk ekor; *yu ~* sj ikan laut, kebas, pari karas, pari serban, *Narke dyterygia*;

macam ~ ki selalu berdua-duaan (pemuda-pemudi dll); *bagai keroncor dgn ~* prb sepakat.

belangkas II sj golok (bentuknya spt belangkas).

belangkas III; *pokok telur* ~ sj tumbuhan (pokok renek), culan, *Aglaia adorata*; *daun* ~ sj tumbuhan (pokok renek), daun mangkuk, semangkuk, *Nothopanax scutellarium*.

belangkin belaking.

belangko IB **1.** tidak diisi (borang dll), kosong; **2.** borang.

belanja 1. wang utk membeli (membayar) sesuatu: *kerajaan telah banyak mengeluarkan* ~ *utk kebajikan masyarakat*; **2.** wang utk keperluan sehari-hari (utk membeli bahan makanan dll): *barang kemasnya dijual utk dijadikan* ~; **3.** wang yg dibayar sbg upah atau gaji atas khidmat seseorang: ~ *bidan*; **4.** bp = **berbelanja** membeli barang-barang: *ia sedang* ~ *di pasar*; **5.** bp = **membelanjai**; ~ *dapur a)* = ~ *hangus* pemberian drpd pengantin laki-laki kpd pengantin perempuan (walinya dll) utk biaya perkahwinan; b) = ~ *pasar* = *wang* ~ wang utk membeli bahan makanan hari-hari; ~ *hidup* wang utk membeli barang keperluan hidup; ~ *mati* ark gaji yg telah ditentukan; ~ *pos* wang utk membiayai perbelanjaan mengirinkan sesuatu melalui pos; ~ *terakru* (Eko) perbelanjaan yg telah berlaku tetapi belum dibayar dan belum direkodkan pd akhir tempoh perakaunan;

berbelanja 1. membeli barang-barang (utk keperluan rumah tangga): *mereka* ~ *utk persiapan Hari Raya Puasa*; **2.** mengeluarkan wang (utk membayar dll): *bukannya sedikit kerajaan* ~ *utk sekolah-sekolah*;

membelanjai 1. mengeluarkan wang utk orang lain atau diri sendiri, membiayai, menyara: *siapa yg* ~ *adiknya jika ia tiada di sini?* **2.** = **belanja** mengeluarkan wang utk orang lain bukan sbg tanggungjawab tetapi hanya utk suka-suka atau utk merapatkan perhubungan (dgn rakan-rakan, adik-beradik, dll): *dia* ~ *kawan-kawannya makan di Kajang*;

membelanjakan mengeluarkan wang utk sesuatu keperluan: *sedang dibuat rang undang-undang bkn dgn hal ~ wang negara;*

belanjaan Jw **1.** benda-benda yg dibeli (di pasar dll); **2.** berbelanja;

perbelanjaan perihal berbelanja: *kerana banyak membeli buah-buahan dr luar negeri, ~ makin meningkat; segala rang undang-undang dan ~ wang haruslah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Undangan;*

pembelanja orang yg suka berbelanja (biasanya secara boros).

belanjawan **1.** perhitungan banyaknya wang yg akan diterima (sbg pendapatan) dan dibelanjakan, butiran ringkas anggaran pendapatan, dan perbelanjaan: *menteri kewangan bertanggungjawab menyediakan ~ negara setiap tahun;* **2.** peruntukan wang utk sesuatu keperluan atau utk sesuatu jangka waktu: *perdebatan mengenai perincian ~ kementerian pendidikan diteruskan hari ini.*

belantah mentah (nasi yg tidak cukup masak), jelantah.

belantan sj kayu pendek yg digunakan utk memukul (selalunya digunakan oleh polis), cokmar, gada, tembung;

membelantan memukul dgn belantan, menggada, menembung: *polis ~ perusuh yg enggan bersurai.*

belantara **1.** sangat luas (bkn hutan, laut, padang dsb): *lebih kurang lima, enam, tujuh hari, mereka akan belayar dlm laut ~; hutan ~ = rimba ~ rimba raya, hutan yg luas dan tebal; padang ~ ark a) padang pasir; b) padang dan hutan;* **2.** hutan yg luas: *segala kenderaan telah dapat melalui bukit dan ~ dgn kemajuan yg dicapai;* **3.** ki keadaan (jahil, ragu-ragu dsb) yg keterlaluan: *pendapatnya memanglah berhasil menebas ~ keraguan.*

belantik I sj perkakas utk menangkap binatang dan biasanya dibuat drpd tali dan pembidas (kalau binatang itu tersentuh tali ia akan terkena tombak, peluru atau jerat);

~ *batang* belantik yg dibuat drpd buluh yg dilubangkan di samping; ~ *bidas* = ~ *embat* = ~ *terbang* belantik yg menjerat kaki binatang; ~ *pangkung* belantik yg menyebabkan binatang kena pukul di kepala; ~ *parak* = ~ *parap* = ~ *paut* belantik yg menyebabkan binatang terkena tombak; ~ *pesawat* belantik yg menyebabkan binatang kena peluru senapang.

belantik II; *bintang* ~ bintang tiga beradik (dlm Orion).

belantik III Jw perantara dlm berjual beli (ternakan), cengkau.

belantuk sj ikan darat, ketutu, *Oxyeleotris marmoratus*.

belar ark; *selar*-~ = **membelar** berkeliaran (ke sana ke mari).

belarak Jw daun kelapa yg kering.

belas I hiba, turut bersedih, kasihan: *mereka terasa ~, terasa sedih melihat budak itu*; ~ *kasihan* belas dan kasihan;

berbelas = ~ *hati*; *berasa belas hati*; ~ *kasihan* *berasa belas dan kasihan: barangkali kerana kita berdekatan dan sama-sama senasib maka kita sama-sama ~ kasihan*;

membelaskan = ~ *hati* menyebabkan rasa belas: *banyak cerita yg ~*;

pembelas (orang yg) mudah atau selalu berbelas hati: *Jamilah sejak kecil merupakan seorang gadis yg ~ hingga ia tidak tergamak mengusir kucing pun*.

belas II kata pelengkap utk menyebut bilangan antara 11 hingga 19;

se~ sepuluh dan satu; *dua* ~ sepuluh dan dua;

belasan bilangan antara 11 hingga 19; *pemuda-pemuda ~ tahun* pemuda-pemuda yg berumur antara 11 hingga 19 tahun;

berbelasan, berbelas-belas dlm jumlah antara 11 hingga 19: *dlm suratnya ~ tahun yg telah lalu, disebutnya perkara ini;*

kesebelasan pasukan bola sepak dll (yg terdiri drpd 11 orang): *pertandingan antara pasukan Polis dgn ~ Pulau Pinang.*

belasah sebat, sesah;

membelasah 1. memukul dgn kuat, menyebat, menyedah: *~ orang dgn rotan; tiba-tiba belakangku dibelasah, berdebup bunyinya;* **2.** ki mengalahkan dgn teruknya.

belasting IB cukai, bea.

belasungkawa (bélasungkawa) Jw pernyataan turut berdukacita, (ucapan) takziah: *ia banyak menerima surat ~ akan kematian anaknya itu.*

belasut = membelasut menjawab dgn suara keras, melawan.

belat I 1. bidai, kerai; **2.** sj bidai utk menangkap ikan; jenis-jenisnya: *~ Betawi, ~ kelong, ~ duduk = ~ kering = ~ Kedah = ~ kumbang, ~ langgai, ~ lengkung = ~ pantai = ~ teluk, ~ parit = ~ sungai, ~ puk;* **3.** Mn bilah-bilah buluh (papan) utk membalut tulang yg patah; *~ hanyut cakap kosong;*

membelat membalut dgn belat: *tangannya yg patah itu dibelat oleh bomoh.*

belat II sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat ubat), jarum hutan, meroyan, segading jantan, *Ixora grandifolia.*

belat III; *~-belit* putar belit; → **belit.**

belata sj ikan laut, *Selar spp.*

belati sl datang dr negeri asing (dibuat di negeri asing);

pisau ~ sj pisau (buatan Eropah); tali ~ tali buatan Eropah.

belatik 1. sj burung, burung jelatik, *Padda oryzivora;* **2.** sj burung, burung belatuk.

belatuk sj burung dlm famili Picidae, jelatuk, pelatuk;

~ ara, *Pigaus xanthopygaeus*; ~ biji nangka, *Micropternus brachyurus*; ~ gunung, *Picus canus*; ~ hijau, *Picus vitatus*; ~ mas, *Picus puniceus*; ~ merah, *Picus miniaceus*; ~ pinang, *Dinopium javanense*; ~ punggung, *Blythipicus rubiginosus*; ~ raja, *Picoides cathpharius*; ~ rotan, *Picus viridanus*; punggung tumbang, ~ menumpang mati prb terlibat dlm kesalahan orang lain.

belatung Jw sj ulat kecil-kecil, terdapat pd bangkai yg telah busuk, berenga.

belau I; belau-belau, berbelau-belau (bkn warna dll) mengaburkan mata.

belau II; ikan ~ sj ikan.

belau III IB biru;

kebelauan kebiru-biruan.

belawak Kl berdusta, berbohong; → **lawak I.**

belawan sj tumbuhan (pokok), kayu rajah, pokok belang rimau, *Terminalia citrina*.

bel canto (bél kanto) (Muz) gaya nyanyian yg menekankan keindahan nada suara.

belebas I 1. kayu (buluh dll) yg memanjang utk menguatkan dinding; 2. = ~ tenun kayu panjang yg menghubungkan kedua-dua tapak ani; 3. kayu penggaris (pembaris), mistar; 4. kayu yg menahan pukulan (tetakan).

belebas II = burung ~ sj burung, itik air, *Nettapus coromandelianus*.

belebat I lepat (ubi, pisang, dsb).

belebat II langkah-langkah pendahuluan pd permainan pencak (sebelum dimulai pencak yg sebenarnya).

belebau Kd pukul.

beleber (belébér) Kl merepek, berleter → **leber I.**

beleda Kl agar-agar (masakan).

beledang (belédang) sj ikan laut yg panjang; ~ *kering* ki orang yg tinggi kurus.

beleduh Kd besar pd pandangan mata;

terbeleduh terpampang jelas pd pandangan: *kereta Mercedes ~ berhenti di petak khas kereta.*

beleh (béléh) Kl kecil (tubuh kerana penyakit), susut.

belek (belék) I IB kaleng, tin.

belek (belék) II Jw; **membelek** membedah, membelah.

belek (bélék) I; **membelek**, **membelek-belek** memerhati dgn teliti, mengincar, memeriksa: *ia menghunus goloknya dan membelek-beleknya sebentar.*

belek (bélék) II Jw sakit mata (merah dan berair).

belekek (belékék) Jk sj burung, berkek, burung rawa.

belekok Jw sj burung bangau putih yg kecil.

belelang belalak, beliak;

terbelelang terbelalak, terbeliak: *matanya ~ oleh murkanya.*

belelek (belélék) belalak, beliak;

terbelelek terbelalak, terbeliak: *matanya ~, mulutnya melopong.*

belembang Mn ark berkas: *ijuk se~.*

belembang (belémbang) Kl banyak, terlalu banyak.

belemin Kl berminyak, berkilat.

belenceh (belencéh) Kd giat, rajin.

belencong (beléncong) sj lampu yg dipakai dlm pertunjukan wayang kulit.

beleng (béléng) Mn; **berbeleng** berpusing, berputar; *tunggal ~* seorang diri, tidak mempunyai saudara, sebatang kara;
membeleng-beleng memusing-musingkan.

belengas berair dan melekit, berlengas; → **lengas**.

belenggu 1. alat utk mengikat kaki atau tangan, rantai kangkang, gari, sengkela: *polis itu membawa ~ dan melekatkannya di tangan Yusuf*; **2.** ki sesuatu yg dianggap spt mengikat (kebebasan dll): *merdeka itu ertinya terlepas drpd ~ menjadi anak jajahan*;

membelenggu 1. melekatkan (mengenakan) belenggu pd, menggari: *kedua-dua tangannya dipegang kuat-kuat dan dibelenggu*; **2.** ki mengikat kebebasan: *hasrat penjajah utk ~ fikiran rakyat*; **3.** menyekat, menghalang: *adat-adat yg ~ kemajuan*; **4.** memikat (hati dll): *parasnya yg cantik manis tentu sekali akan ~ hati barang siapa yg memandangnya*;

terbelenggu 1. terikat (dgn belenggu); **2.** tersekat atau terkongkong kebebasan utk melakukan sesuatu: *ada manusia bebas, ada yg ~*; **3.** terpikat: *~ oleh kata-katanya yg lemah lembut*;

kebelengguan rasa (keadaan) terbelenggu: *kemerdekaan individu dan masyarakat serta negara drpd setiap ~ isme-isme boleh diatasi sehingga semuanya dapat tunduk kpd Allah*;

pembelengguan perbuatan membelenggu: *kemerdekaan yg melepaskan sebarang bentuk atau rupa penaklukan, ~, dan penindasan*.

belengkok (beléngkok) Jk lengkung, berkelok;

membelengkokkan melengkungkan, mengelokkan;

belengkokan selekoh (jalan).

belengkong (beléngkong) melengkung, berkelok;

terbelengkong terkelok, terlengkung: *Seman ~ di kerusi rotan itu*.

belengset (beléngsét) terlipat keluar (pelupuk mata sebelah bawah).

belentung sj katak.

belepas sj perahu (besarnya sedang).

belera (beléra) sj papan tipis utk memadatkan atau mengerapkan tenunan (pd perkakas tenun).

belerang (belérang) sj benda keras kuning yg mudah hancur (mudah terbakar dgn mengeluarkan nyala yg biru), sulfur; ~ *bang* sj berangan (tuba tikus).

belerong (belérong) Mn ark kedai tempat berjualan di pasar.

beles (bélés) Tr kuyu (mata).

beli; = **membeli**; *berjual* ~ menjual dan membeli;

berbeli (dapat) dibeli, (dapat) dibayar, terbayar: *ikan juga tidak pernah ~; ambil sajalah, tak usah ~;*

berbeli-belian **1.** saling membeli; **2.** ark berbelanja: ~ *di pasar*;

membeli **1.** memperoleh barang dgn membayar (harganya): *anak itu disuruhnya ~ kopi di kedai*; **2.** mencapai (memperoleh) sesuatu dgn usaha yg keras (dgn pengorbanan): *ijazah itu saya beli dgn usaha siang dan malam*; ~-*belah* membeli berbagai-bagai jenis barang;

alah (kalah) ~ menang memakai prb barang yg baik memang mahal harganya tetapi lama dapat dipakai; *gajah lalu dibeli, kosa tidak terbeli* prb pekerjaan besar dapat dibuat, tetapi pekerjaan kecil utk menjayakan pekerjaan besar itu tidak terbuat; *mahal dibeli, sukar dicari* prb benda yg tidak mudah didapat (jarang ada);

membelikan **1.** membeli utk: *ia jarang-jarang ~ isterinya barang perhiasan*; **2.** menggunakan wang utk membeli sesuatu: *wang tiadalah banyak, saya hematkan dr sedikit ke sedikit, itulah yg dibelikan rumah*;

terbeli **1.** mampu (sanggup) membeli, sanggup dibeli; **2.** tidak sengaja telah membeli sesuatu: ~ *barang tiruan*; **3.** makan suap, menerima sogokan;

belian **1.** benda yg sudah dibeli: *kita harus dapat menaksir berapa banyak barang dagangan patut dibeli utk bulan depan, supaya ~*

tidak berlebihan; budak ~ hamba (yg dibeli); 2. = beli-belian bp membeli-beli, berbelanja; *harga ~ bayaran barang pd masa membeli;*

pembelian **1.** perihal (perbuatan) membeli: *pembicaraan mereka beralih kpd ~ tanah; ~ dapur gas; 2.* benda yg dibeli: *tilam itu ~ ibunya;*

pembeli **1.** orang yg membeli: *ada ~ datang ke rumahnya utk membeli sayur-sayuran; 2.* alat (wang dll) utk membeli: *wang itu utk ~ makanan.*

belia **1.** muda; *muda ~ sangat muda (muda remaja); 2.* pemuda; **3.** golongan muda secara keseluruhannya (baik lelaki mahupun wanita), pemuda dan pemudi: *kelab ~.*

beliak; membeliik, terbeliak terbuka besar-besar (mata), terbelalak: *matanya terbeliak oleh sebab terlalu hairan;*

membeliakkan membuka (mata) besar-besar, membelalakkan: *Salina menggertak budak itu dgn ~ matanya.*

belian **I** sl pawang, bomoh; *hantu ~ harimau* yg mempunyai kekuatan ghaib.

belian **II** sj tumbuhan (pokok yg kayunya keras), *Eusideroxylon zwageri.*

beliau kata ganti diri ketiga (utk orang tua atau orang yg dihormati): *mentuaku seorang pendiam, ~ tidak suka anak-anaknya terlampau banyak bercakap.*

belibas sj ikan laut, *Siganus oramin.*

belibat pengayuh yg berdaun dua; → **gelibat I, kelibat I.**

belibis sj burung yg menyerupai itik (tetapi kecil), *Dendrocygna javanica.*

belida sj ikan darat, *Notopterus notopterus, Notopterus chitalia;* *apa kurang pd ~, sisik ada, tulang pun ada* prb orang yg mempunyai segala-galanya (kekayaan, rupa, dll).

beligat bahagian alat tenun yg dipasang utk menegangkan benang loseng.

beligo, beligu Jw sj tumbuhan (pokok memanjat dan buahnya), *Benincasa cerifera*.

belikas gulungan benang; → **likas**.

belikat = *tulang* ~ sepasang tulang berbentuk segi tiga (leper) yg terdapat pd bahagian belakang bahu.

beliku selekoh (sungai dll), kelok; → **liku I**.

belimbing 1. sj tumbuhan (pokok dan buahnya); jenis-jenisnya: ~ *batu* = ~ *manis* = ~ *sayur* = ~ *segi*, *Averrhoa carambola*; ~ *besi* = ~ *buluh* sj belimbing (buahnya kecil-kecil, masam rasanya dan biasanya digunakan dlm masakan), *Averrhoa bilimbi* dll; **2.** bersanding-sanding (menurut panjangnya spt belimbing): *awan* ~.

belin sj ikan laut, belut moray, tuna, *Echidna spp.*, *Lycodontis spp.*, *Muraena spp.*

belindan Kl kayu atau batu segi empat bujur yg diletakkan di atas kubur.

beling 1. Id pecahan kaca (barang pecah belah); **2.** tembikar, barang pecah belah.

belingas; membelingas memandang tidak tetap (kerana kecemasan dll): *matanya* ~.

belingkang ark; **terbelingkang** bergelimpang.

belingut ark; **terbelingut** tergeliat, terpecek.

belinjau sj tumbuhan (pokok dan buahnya), belingar, *Gnetum gnemon*; *emping* ~ *emping* yg dibuat drpd buah belinjau.

belinjo Id **1.** belinjau; **2.** bp peluru (senapang, pistol, dll).

belintan Pl sj pisau besar.

belintang lintang;

berbelintang, berbelintangan terletak melintang: *pokok kayu itu* ~ *di tengah jalan*;

membelintangkan meletakkan melintang: ~ *papan di jambatan*;
terbelintang terlintang.

belir Pr berlebihan-lebih, melewati batas.

belit **1.** lilit (lingkaran tali, ular, dll); **2.** belok-belok, kelok-kelok (jalan, sungai, dll); *putar ~ = pusing ~ = belat-~* bp berputar-putar (tidak jujur);

berbelit berlilit: *seekor ular ~ di dahan itu*;

berbelit-belit **1.** berlilit-lilit: *sulur-suluran ~ pd tiang pagar itu*;
2. berkelok-kelok, berpusing-pusing: *jalan ke pergunungan itu sangat ~*; **3.** berjalin-jalin, bersambung-sambung, bersangkut paut, kacau: *fikiran yg timbul begitu kusut, yg datang berkacau-kacau, ~*;

membelit **1.** melilit, melingkar: *di pergelangan tangannya ~ dua urat gelang halus*; **2.** membebat, melibat, menjebak: *dgn jalan begini mereka hendak ~ anak negeri supaya dapat diperhambakan*;

membeliti melingkari, mengelilingi: *sebuah jalan ~ kawasan itu*;

membelitkan melilitkan (sesuatu): *anak gajah itu ~ belalainya pd ekor ibunya*;

terbelit **1.** terlilit, terlingkar; **2.** terbebat, terjebak, terlibat;

belitan hasil drpd membelit (melilit), lilitan, lingkaran: *membuka ~ tali pd tiang itu*;

pembelit **1.** tali (kain dsb) yg digunakan utk membelit sesuatu; **2.** ki penipu, pendusta: *kau memang manusia kejam, tidak setia, penipu, dan ~*.

belitung sj ikan laut, golok, *Coryphaena hippurus*; siput ~ sj siput, *Cerithidea obtusa*.

beliung sj kapak yg matanya melintang (perkakas tukang kayu);

bagai ~ dgn asahan prb sangat ikrah; *bertemu ~ dgn ruyung* prb kuat sama kuat (berani sama berani); *hilang jasa ~, timbul jasa rimbas* prb hilang jasa seseorang kerana orang lain; *kilat ~ sudah di kaki, kilat pisau sudah ke tangan* prb hujung kata atau kias perkataan itu dikenali oleh orang yg bijaksana.

beliut berpilin, bengkok (pisau dll); → **liut**.

belo (bélo); *ngaco ~* Jk bercakap dgn tidak tentu hala.

belodok 1. sj ikan laut; ~ *karang* sj ikan laut, *Halichoeres nigrescens*; ~ *kerapu* sj ikan laut, belontok, *Gabius sadanundio*; ~ *lubang* sj ikan laut, belontok, *Gobius caninus*; **2.** terspil (mata), tersembul.

beloh (béloh) ark bodoh, dungu.

belok I IB pasung (utk membelenggu kaki);

membelok membelenggu dgn belok;

pembelokan ark rumah pasung, penjara.

belok II Jk besar dan lebar (mata).

belok III takal besar, kapi, kerek.

belok (bélok) **I** → **selok-belok**.

belok (bélok) **II** kelok, liku, bengkok, tidak lurus: *belang-~*;

berbelok berkelok, berganti hala: *Basir melambatkan skuternya dan ~ ke pekarangan*;

berbelok-belok 1. berkelok-kelok, berliku-liku: *jalan yg ~*; **2.** selalu berbelok: *dia turun bukit ~*;

membelok menukar hala, memusing: *bas yg mereka tumpangi ~ masuk ke kampung*;

membelokkan mengubah hala (haluan), mengelokkan: *dia ~ skuternya dan memberhentikannya di hadapan hotel*;

belokan selekoh, kelok;

pembelokan 1. perihal atau perbuatan membelok(kan); **2.** belokan, selekoh.

belokok sj ikan laut, *Uranoscopus spp.*

belolok buah enau, buah kabung, beluluk; *dengar kata enggang, makan buah* ~ prb jangan suka mendengar hasutan orang nanti mendapat kesukaran.

belum I, belon Id, bp belum.

belum II besar jika dibandingkan dgn umurnya, lekas besar.

belon (bélon) **1.** bola drpd getah tipis yg diisi dgn udara, digunakan sbg mainan kanak-kanak atau hiasan; **2.** bola besar yg diisi dgn udara panas atau gas yg lebih ringan drpd udara utk dinaikkan dan diapungkan di udara, biasanya ada bakul besar utk membawa penumpang dsb.

belonggok sj tumbuhan (pokok), gajus hutan, medang kapas, medang tahi ayam, medang tanduk, *Alseodaphne peduncularis*.

belongkang sj perahu sungai utk mengangkut barang.

belongkeng (belongkéng) sj siput kecil yg boleh dimakan, *Ellobium sp.*

belongsong kelongsong, sampul, pembungkus; *kain* ~ sj kain (tenunan).

belontok sj ikan; → **belodok**.

belot (bélot) = **berbelot, membelot** **1.** berpihak kpdp musuh (menderhaka): *orang yg telah ~ akan dipecat drpd jawatannya*; **2.** berlaku tidak setia (tidak jujur), berpaling hati: *ia tidak mahu mengenang-mengenangkan lagi kisah ~ terhadap isteri tuanya*; **3.** meninggalkan agama dll, murtad: *dia telah ~ drpd ajaran Islam*;

pembelotan perbuatan membelot, penderhakaan;

pembelot orang yg mengkhianati (orang lain dll), penderhaka: *di hadapan kita ini ada dua orang ~ yg telah menyamar diri ke dlm kumpulan kita*.

belota Pr kenduri selepas menuai.

belu; ~-*belai* a) berleter; b) pujuk, cumbu.

beluam uncang, bungkusan kain.

belubur I tempat menyimpan beras yg dianyam drpd daun sang (sj rumbia).

belubur II berlonggokan, bertimbun.

beludak ular tedung, ular senduk.

beludar sj apam.

beluduh besar pd pandangan mata; **beleduh**.

beluh; membeluh Kd, Kl menenggala (sawah dll), membajak.

beluhan ark → **baluh I**.

belujur berbentuk silinder.

belukang bedukang.

belukap = *bakau* ~ sj tumbuhan (pokok), bakau hitam, bakau jangkar, *Rhizophora mucronata*.

belukar tanah yg ditumbuhi pokok-pokok kecil, hutan kecil; *hutan* ~ hutan kecil;

~ *sudah menjadi rimba* prb kesalahan yg tidak dapat diperbaiki lagi; *bersesapan* ~ prb pekerjaan yg tidak sempurna.

beluku Jw ark bajak, tenggala; *bintang* ~ ark bintang belantik.

belukut ark melukut, lemukut.

belulang 1. kulit yg kering (keras) dan tidak disamak, kapal; ~ *kering* = *tinggal tulang* ~ kurus kering; **2.** kulit yg tebal dan keras (pd tangan dll): *kerana banyak memikul, terdapat* ~ *pd bahunya*;

berbelulang berkulit tebal dan keras, kapalan: *telapak tangannya kesat dan* ~.

beluluk Jw **1.** putik buah kelapa, mumbang; **2.** buah enau, belolok.

belum masih tidak, lwn sudah: *kakaknya* ~ *bersuami*; *budak itu* ~ *ada*;

~ *lagi* masih belum; ~ *lama ini* baru-baru ini;

~ *disuruh sudah pergi*, ~ *dipanggil sudah datang* prb orang yg faham akan maksud sesuatu isyarat; ~ *duduk sudah berlunjur* prb

perbuatan yg melampaui had (melakukan pekerjaan yg sebenarnya belum sampai lagi masanya);

sebelum sewaktu belum, pd waktu belum: ~ *mandi pagi, dia bersenam; kita seharusnya berusaha ~ terlambat.*

belumpai ark belum sampai, belum pernah.

beluncas larva rama-rama atau kupu-kupu, ulat bulu.

belungkang Jw **1.** pangkal pelepah nyiur; **2.** nyiur muda yg telah terbelah.

belungkur sj ikan laut, conor, *Saurida spp.*

belungsing ark; **membelungsing** mengherdik, menghamun.

belunjur mengunjur (kaki); → **lunjur, unjur.**

beluntas sj tumbuhan (pokok renek), *Pluchea indica.*

belur; babak ~ → **babak IV.**

beluru; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat yg akarnya dibuat ubat), akar belerang, *Entada phaseoloides.*

belus I longgar dan mudah celus (lulus) spt cincin di jari dll.

belus II IB blaus.

belut sj ikan yg panjang (spt ular) dan licin (hidup dlm lumpur), *Monopterus albus*; ~ laut, belin, *Echidna spp.*;

~ *kena ranjau (getah)* prb orang yg cerdik kena tipu; *bagai ~ digetir (diketil) ekor* prb cepat sekali; *bagai menyukat ~ hidup* prb pekerjaan yg sia-sia; *bagai ~ diregang* prb orang yg tinggi dan kurus (atau sakit pinggang); *licin bagai* ~ prb tiada mudah ditipu (cerdik); *spt ~ pulang ke lumpur* prb orang yg telah balik ke tempat asalnya dan payah akan pergi lagi;

berbelut Mn menangkap belut;

bagai si kudung pergi ~ prb pekerjaan yg sia-sia kerana tidak berkeupayaan melakukannya; *kena kecipak orang* ~ prb tidak terlibat (mendapat kesulitan) dlm perkara orang lain.

beluting Kd, Pl, Pn kotor.

bemak Pr acuan batu jalan.

bembam; membembam membakar dlm bara atau abu hangat (ubi, ikan, dll); ~ *bukan terung* prb perihal orang yg bercakap besar mengenai dirinya.

bemban I sj bubu utk menangkap ikan yg diikat pd tongkat.

bemban II sj tumbuhan (pokok yg batangnya dibuat bakul, bidai, dll), *Donax arundastrum*; rumput ~ sj tumbuhan (rumput), *Cyperus diffusus*.

bemban III sj ikan darat, *Ompok bimaculatus*.

bembar Id, bp mimbar.

ben (bén) bp pancaragam.

bena sl ombak, air bah; *air* ~ air pasang.

bena (béna) endah, hirau, peduli: *janganlah buat tidak ~ kpd budak itu*; ~ *tak* ~ endah tak endah (tidak berapa peduli);

membenakan menghiraukan, mengendahkan, mempedulikan: *tidak ~ musuh datang*.

benah I sj serangga yg merosakkan tumbuh-tumbuhan, *Nephotettix bipunctata*.

benah II Jk; **berbenah** berkemas-kemas (tempat tidur dll);

membenahi mengemaskan (tempat tidur dll), mengatur;

pembenahan perihal membenahi, pengaturan: *saya mampu melakukan ~ dan pembersihan diri*.

benak I 1. sumsum (isi tulang): ~ *tulang*; **2.** = *otak* ~ otak (isi kepala): yg *pasti dlm ~ku ialah aku tidak melaporkan hal itu*;

menghisap (mencarak, mencucup) ~ ki menghisap darah (mengambil banyak keuntungan drpd orang); *membelah* ~ (bkn sinar matahari) panas sekali;

berbenak berotak; *tidak* ~ tidak mempunyai otak, bodoh sekali.

benak II **1.** bengap, pekak (duit syiling); **2.** = ~ *hati* bodoh, dungu.

benalu → **bendalu**.

benam masuk ke dlm (air dll), tenggelam;

berbenam, membenam **1.** menenggelamkan diri, tenggelam: *ia melompat ke dlm air dan membenam beberapa waktu; apakah yg membenam dlm air?* **2.** menghilangkan diri, bersembunyi: *mahu rasanya dia ~ saja dlm biliknya dr pagi hingga ke petang utk membaca;*

membenamkan **1.** menenggelamkan, memasukkan ke dlm air dll: *suatu bencana alam telah ~ sebuah bandar ke dlm perut bumi;* **2.** menyembunyikan, mendiamkan, tidak menampakkan: *kerajaan menyeru supaya parti pembangkang ~ sentimen politik mereka;* **3.** ki memasukkan ke dlm jel;

terbenam **1.** tenggelam, masuk: *matahari ~ di ufuk barat;* **2.** terpendam: *harta ~;*

benaman hasil membenam, membenamkan atau terbenam: *pelabuhan bertaraf antarabangsa dulunya hanya berupaya menampung kapal dengan ~ 14.5 meter.*

pembenaman perihal (proses, perbuatan dsb) membenamkan.

benang **1.** tali halus drpd kapas, sutera, dll yg digunakan utk menjahit atau menenun; **2.** = ~ *skru* geligir berpilin pd skru;

~ *arang* benang yg dihitamkan utk membuat garis lurus (dipakai oleh tukang kayu); ~ *emas* benang berupa dawai halus yg berwarna spt emas utk menyulam atau menenun; ~ *mentah* benang yg belum dipintal; ~ *nanas* benang yg dibuat drpd serat nanas; ~ *pakan* benang pd torak tenun; ~ *pancarona* benang yg berwarna macam-macam; ~ *raja* pelangi; ~ *sari* a) bahagian yg menghubungkan stigma dan rahim bunga; b) = ~ *serbuk* Id tangkai tempat sari (serbuk bunga);

bagai ~ dilanda ayam prb kusut masai; *menegakkan ~ basah* prb mengerjakan pekerjaan yg mustahil berhasil; *melanggar ~ hitam* prb melanggar pantang larang, melanggar adat resam; *sehari selebar ~, lama-lama jadi kain* prb sedikit demi sedikit lama-lama berhasil juga;

berbenang 1. mempunyai benang; 2. mempunyai benang skru;

membenang 1. merupakan benang; 2. ki tidak putus-putus, bersambung-sambungan, beraturan; 3. = **membenangkan** membuat benang skru;

pembenangan perihal atau perbuatan membuat benang (skru);

pembenang (Kej) alat utk membuat benang skru.

benar 1. tidak salah, betul: *ejaannya ~; salah ~nya*; 2. tepat (tidak berbeza drpd keadaan sebenarnya), memang demikian halnya, sungguh, sah: *kalau ~ dia yg memukul adikku, tentu kuadukan kpd bapanya*; 3. amat, sangat, sekali: *ramai ~ orang pergi ke pantai*;

sebenarnya 1. yg merupakan kenyataan, sebetulnya, sesungguhnya: *orang yg sentiasa menyerukan pembelaan wanita yg ~ menganiaya mereka*; 2. yg dikira betul, sebetulnya: *ejaan yg ~ ialah 'pameran' bukan 'pamiran'*; 3. begitulah, demikianlah, sungguhlah: *~lah spt kata cikgu itu*; 4. sewajarnya, sepatutnya;

sebenar-benarnya sungguh-sungguhnya, sebetul-betulnya: *mereka hendaklah ~ menimbangkan dan menguji apa jua ajaran agama dgn adil*;

benar-benar sungguh-sungguh, betul-betul, amat sangat: *kata-katanya itu ~ meninggalkan kesan di hatiku*;

berbenar, berbenar-benar Mn berterus-terang;

membenar, membenar-benar Mn 1. berbenar; 2. meminta bantuan;

membenari Mn memujuk, mengelon;

membenar-benari mengerjakan sesuatu dgn sungguh-sungguh;
membenarkan 1. membetulkan: *dia cuba ~ kata-katanya yg telah terlanjur itu*; **2.** menganggap benar, menganggap sah: *khobar semalam telah dibenarkan oleh lidah rasmi kerajaan*; **3.** mengiakan, menyetujui: *Hilmi mengangguk ~ kata-kata itu*; **4.** memper-bolehkan, mengizinkan: *empunya rumah tidak ~ kami masuk sebelum membayar sewa pertama*;

memperbenar sl membenarkan;

kebenaran 1. perihal benar (sesuatu), sebenarnya: *~ pepatah ini dapat diuji; hanya masa dapat membuktikan ~ pendapat ini*; **2.** izin: *kedai ini didirikan dgn tidak berlesen atau bersurat ~*; **3.** sesuatu yg benar (sungguh-sungguh ada, betul-betul demikian halnya): *aku percaya pd suatu masa dia akan kembali semula kpd ~ dan kenyataan; ~ dan kejujuran itu ialah hakim utama*; **4.** Jk kebetulan;

ketidakbenaran perihal atau perbuatan tidak benar;

pembenaran perihal atau perbuatan membenarkan: *~ pandangan ini dr sudut agama.*

benara I sl tukang cuci, dobi, benatu;

membenara sl mencuci pakaian.

benara II, benarah ark menara.

benatu dobi, tukang cuci.

benbarang Pr barang-barang.

bencah tanah yg berlumpur, paya: *banyak sekali ~ di pantai sebelah Barat; sawah ~ sawah yg diairi*;

berbencah, berbencah-bencah berpaya(-paya): *tanah di belakang rumahnya ~.*

bencana 1. (mara) bahaya, kecelakaan: *melihat ~ yg menimpa lombong itu seram bulu tengkuk kami; ~ alam bencana kerana air bah*

(gempa, angin ribut, dll); **2.** kesukaran, pengkhianatan, penipuan: *banyak orang takut padanya, tetapi ia tidak berbuat ~; hendak seribu daya, benci seribu ~* prb membuat sesuatu dgn kemahuan sendiri lebih mudah dikerjakan drpd kebalikannya;

membencanai ark menyukarkan, mengkhianati, menipu;

membencanakan membuat (membawa) bencana;

kebencanaan sesuatu yg mendatangkan bencana, kecelakaan: *humanisme Barat yg mendatangkan ~ dlm kesenian dan ilmu pengetahuan.*

bencat terhenti, tertahan; → **rencat**.

benci tidak suka: *ada orang yg ~ melihat kita aman damai dlm rumah tangga;*

berbenci-bencian saling membenci: *perasaan bermusuhan-musuhan dan ~;*

membenci benci akan, tidak menyukai: *saya rasa saya ~nya lebih drpd saya menyukainya;*

benci-membenci saling menaruh perasaan benci terhadap satu sama lain: *sikap ~ ini memang ditegah oleh Islam; apabila kasih telah terjalin, hilanglah rasa ~ antara satu sama lain;*

kebenci Mn ubat dll utk menjadikan benci: *dicarikannya pekasih atau ~ kian kemari, dituntutnya ilmu sihir kpd dukun-dukun yg pandai;*

kebencian **1.** perihal benci (rasa, sifat benci): *lama-lama ~ itu hilang begitu saja;* **2.** sesuatu yg dibenci;

pembenci **1.** orang yg membenci; **2.** sesuatu utk membuat orang benci: *ubat ~.*

benda **1.** barang: *~ apa yg diletakkannya di atas meja itu?* **2.** barang yg berharga, harta: *harta ~;* **3.** setiap yg dapat diraba dan dilihat,

jasad; ~ *hidup* segala yg hidup; **4.** bp hal, peristiwa, kejadian: *apa ~; tidak ada ~;*

~ *cair* benda yg berubah bentuk menurut tempatnya; ~ *galian* bahan (benda) yg diambil dr dlm tanah; ~ *mati* benda yg tidak bernafas (bergerak dll); ~ *rencam* benda yg terdiri lebih drpd satu jenis jirim; ~ *rentung* benda yg telah menjadi arang; ~ *tara* benda yg dijadikan ukuran (dll), piawai; ~ *tunggal* benda yg terdiri drpd satu jenis jirim;

berbenda ark berharta, berada, kaya;

membendakan menjadikan (menganggap) benda;

kebendaan **1.** segala yg berupa benda (barang berharga dll): *masyarakat yg gila ~;* **2.** bersifat (berupa) benda: *keperluan ~; memberi sokongan semangat dan ~;* **3.** bersifat gila akan harta benda: *manusia sekarang terlalu ~;*

perbendaan perihal mengumpulkan barang-barang (harta benda dll).

bendahara **1.** sl orang yg memegang harta benda kerajaan; **2.** perdana menteri, wazir; **3.** menteri dlm permainan catur;

perbendaharaan **1.** khazanah (tempat simpanan harta benda negara): *pejabat ~;* **2.** kekayaan (harta benda, barang-barang, dll): *jika laksamana itu hidup, seumpama kita mendapat ~ di muka bumi; Imam Hanafi, Maliki, Shafii telah meninggalkan ~ hukum atau undang-undang yg amat banyak kpd kita; ~ kata-kata Melayu keseluruhan kata-kata Melayu.*

bendaharawan pegawai yg menyelenggarakan kewangan.

bendahari **1.** sl orang yg memegang harta benda kerajaan; *penghulu ~* ketua bendahari; **2.** pengurus wang kesatuan dll.

bendal; membendalkan menghambat: *perutnya yg gendut itu selalu ~ simpati kami.*

bendala sl tempat membawa mesiu (tentera).

bendalir (Fiz) **1.** benda mengalir (spt cecair atau gas) yg berubah-ubah bentuknya menurut bentuk bekas yg mengandunginya; **2.** cecair dlm badan haiwan atau tumbuh-tumbuhan: ~ *tubuh*;
~ *brek* bendalir yg digunakan dlm sistem brek hidraulik; ~ *serebrospina* (Ubat) bendalir jernih tidak berwarna yg terdapat dlm kawasan saraf tunjang dan otak.

bendalu **1.** pokok yg tumbuh pd pokok lain dan menghisap makanan drpd pokok itu; **2.** ki orang yg bergantung hidup pd orang lain.

bendang sawah; *tanah* ~ tanah sawah.

bendar parit (di sawah dll), longkang; *menaikkan* ~ *sondai* prb mempertahankan yg tidak mungkin dapat dipertahankan;
membendarkan mengalirkan sesuatu (air); *bagai* ~ *air ke bukit* prb pekerjaan yg sia-sia; → **bandar II**.

bendari sl tukang masak di kapal.

bendasing bahan dlm kuantiti yg kecil yg terdapat dlm bahan lain sehingga boleh menjejaskan mutu bahan yg lain itu: *sebarang* ~ *atau kekotoran akan merendahkan mutu getah yg dipasarkan*.

bendawat ark bandut (meriam).

bende (bendé) Jw canang.

bendel (béndel) IB berkas (surat-surat dll);

membendel **1.** bp memberkas (menyusun menjadi satu) surat-surat; **2.** bp menjilid (buku dll).

bender (bénder) IB, bp penjilid (buku).

bender (béndér) bendi (sj sayur).

bendera (bendéra) sepotong kain (biasanya segi empat bujur) yg ada reka bentuk tertentu, digunakan sbg lambang sesebuah negeri atau sbg isyarat, panji-panji;

~ *kebangsaan* bendera yg menjadi lambang sesebuah negara; ~ *putih* bendera yg dinaikkan sbg tanda menyerah; ~ *setengah tiang* bendera dinaikkan setengah tiang tanda berdukacita; *di bawah* ~ dlm perlindungan (dilindungi oleh).

benderang I = *pembawa* ~ sl orang yg membawa tombak di kiri kanan raja: *kelima Tun Lekir* ~ kanan, *keenam Tun Lekiu* ~ kiri; *tombak* ~ tombak yg dibawa di kiri kanan raja (tangkainya dihiasi dgn bulu kambing).

benderang II = *terang*~ sangat terang; *bulan* ~ bulan terang;

membenderangi menerangi: *tugasmu yg sebenar ialah ~ alam buana ini.*

benderung lorong di antara dua buah gedung; *balairung* ~ seribu balairung yg mempunyai seribu lorong.

bendi (béndi) **I** = *kacang* ~ = *sayur* ~ sj tumbuhan (herba dan buahnya), kacang lendir, *Hibiscus esculentus*.

bendi (béndi) **II** sj kereta kuda yg beroda dua: ~ *telah menanti di halaman, aku berangkat lagi;*

berbendi, membendi ark naik bendi.

bendir sj canang, gong kecil.

bendo Jw sj parang.

bendok (Sunda) tengkolok yg sudah siap diikat.

bendoro Jw gelaran bangsawan, tuan besar.

bendul 1. balak yg dipasang (memanjang) pd tiang rumah; *lurus macam* ~ ki sangat jujur; **2.** = ~ *pintu* balak yg melintang di bawah pintu: *ia melangkah ~ masuk ke dlm bilik tidur; ~ jendela* rangka jendela; **3.** = *balai* ~ sj balai tempat raja bermesyuarat: *adapun sekarang Raja Muda ini hendak duduk di ~ kita, sementara mamak Bendahara dan Temenggung memperbuat istana; Pak Si B~ Pak Pandir.*

bendung = **bendungan** permatang utk menahan air (supaya dapat disalurkan ke arah lain), empang;

membendung **1.** menghalang arus air, mengempang: *sungai itu dibendung supaya dapat menghasilkan tenaga elektrik*; **2.** ki menghalangi, menahan, merintang: *Amerika Syarikat membantu Vietnam Selatan kerana hendak ~ kegiatan komunis*; *undang-undang sekarang belum lagi berjaya ~ perbuatan jenayah*;

terbendung terempang, terhalang, tertahan;

pembendungan perihal (usaha dsb) membendung, pengempangan;

pembendung **1.** orang yg membendung; **2.** alat utk membendung, pengempang.

benefisiari (bénéfisiari) (Udg) orang yg berhak mewarisi harta, wang, dll si mati menurut wasiatnya.

benet (bénét) bayonet;

berbenet mempunyai atau membawa benet: *dia ditahan oleh seorang polis hutan yg dilengkapi dgn senapang ~*.

beng (béng) bp (bkn minuman) dibubuhi air batu (ais): *teh O ~*; *kopi O ~*.

bengah ark **1.** duduk dgn tegak; **2.** bongkak, sombong, pongah.

bengal **1.** pekak sebentar kerana kena tampar dll; **2.** bingung, teringatinga (kerana sakit dll): *kepala saya masih ~ lagi*; **3.** tidak mendengar kata orang, keras kepala; **4.** Jk nakal, jahat.

bengang I = **terbengang** ternganga, terbuka besar-besar;

buah ~ buah yg terbelah dua kalau masak; *~ sebelah* terbuka sebelah utk mengeluarkan bijinya (buah); *kena si ~* terdiam kerana hairan;

membengang mengangakan, membuka besar-besar.

bengang II **1.** berdesing dlm telinga, berdengung dlm telinga; **2.** bp geram dan sakit hati: *aku ~ betul melihat telatahnya*; **3.** buntu: *kepalanya ~ memikirkan masalah itu.*

bengang III Jw sakit (penyakit) kencing nanah.

bengang IV Kl (amat) sangat; *panas ~ sangat panas.*

bengap 1. pekak (kerana masuk air dlm telinga dll); **2.** tidak nyaring atau jernih bunyi (wang syiling dll); **3.** sukar bercakap (kerana malu dll), gagap; **4.** bodoh kerana sukar mengerti dan mempelajari sesuatu: *kalau ~ sangat, tentu ITM tidak menerimaku.*

bengawan Jw paya, sungai besar.

benge (béngé) Kl sakit dlm telinga kerana suara kuat;

membenge menyakitkan telinga (suara kuat).

benggal; *~benggil* bengkak-bengkak, bincul-bincul, bincut-bincut;
benggil.

Benggala sebuah negeri di India.

Benggali bangsa yg berasal dr Benggala, India.

benggil bengkak, bincul; → **benggal.**

benggol (bénggol) **I** bincul, bincut, benjol.

benggol (bénggol) **II** Id wang tembaga yg berharga 2¹/₂ sen, gobang.

benggol (bénggol) **III** Id = **benggolan** kepala penjahat (samseng dll).

bengik sesak nafas (bkn penyakit asma).

bengis I **1.** tidak berbelas kasihan, kejam, zalim: *pembunuhan yg ~*; **2.** pedas, tajam: *kata-kata yg~*;

membengis bangkit bengis, berlaku bengis: *“diam...” suara Majid ~*;

membengisi memperlakukan dgn bengis (kejam): *kalau tidak dibengisi masih berlarut-larutan anak-anak itu mengganggu kita*;

kebengisan perihal bengis, kekejaman, kezaliman: *~ tentera musuh itu membangkitkan kemarahan rakyat*;

pembengis 1. orang yg bengis; **2.** bersifat bengis: *dia menjadi manusia yg agresif dan ~.*

bengis II marah, gusar;

membengis jadi marah, bangkit marah;

membengisi memarahi;

pembengis pemarah: *dia ~ orangnya.*

bengit bengik, sesak nafas.

bengkah; membengkah memangkah (gasing dll).

bengkak 1. benjol pd tubuh (kerana penyakit dll), bincul: *~ tangannya sudah mulai berkurang; 2.* menjadi benjol (bincul): *mukanya kembang dan ~;*

~-bengkil bengkak-bengkak, benggol-benggol; *~ hati* sebal hati; *~ gedobong* Kl bengkak yg besar dan berbahaya; *lain ~, lain bernanah* prb orang lain yg bersalah orang lain yg menanggung akibatnya;

membengkak menjadi bengkak: *tanda-tanda penyakit ini ialah rasa mual, sakit punggung, sesak nafas dan kaki ~;*

membengkakkan menyebabkan (menjadikan) bengkak;

pembengkakan perihal (proses dsb) membengkak: *penggunaan air ini dapat membantu mengurangkan ~; ~ leher ini akan berlaku secara berperingkat-peringkat.*

bengkal I; kebengkalan tercekik (oleh makanan).

bengkal II; ~-bengkil benggol-benggol.

bengkalai = terbengkalai 1. terabai, terlantar, tersia-sia: *banyak pekerjaannya yg terbengkalai; 2.* ark terdiam, senyap: *duduk terbengkalai;*

membengkalaikan mengabaikan, mensia-siakan.

bengkalis sj ikan laut, terubuk.

bengkang (béngkang) I ; ~-bengkong bengkok-bengkok.

bengkang (béngkang) **II**; ~-*bengkok* berkelok-kelok, berliku-liku.

bengkang (béngkang) **III** sj kuih; → **bingka**.

bengkap (béngkap) IB kulit pembalut kaki (di atas kasut).

bengkar; **membengkar** kembang, mekar, terbuka.

bengkarak rangka, tulang-belulang.

bengkaras sj tumbuhan (pokok), medang melukut, merkaras, *Norrisia malaccensis*.

bengkarung sj binatang kecil bersisik, cengkarung, kadal.

bengkatak sj biawak, komodo.

bengkawan **1.** bilah buluh yg digunakan sbg tulang atap rumbia (nipah dll); **2.** penjodoh bilangan bagi atap: 50 ~ *atap*.

bengkawang sj tumbuhan (pakis), *Gleichenia linearis*.

bengkayang sangat kenyang.

bengkel (béngkél) **1.** tempat memperbaiki kereta dll: *syarikat kerjasama kenderaan Melayu Melaka juga sudah mempunyai ~~~ tempat memperbaiki kereta*; **2.** kilang kecil (tempat tukang-tukang bekerja); **3.** mesyuarat (perbincangan dsb) secara berkelompok utk mengkaji sesuatu atau bertukar-tukar pendapat (idea dsb) tentang sesuatu: ~ *penulisan cerita kanak-kanak*;

berbengkel mengadakan, menghadiri atau menyertai bengkel (perbincangan berkelompok): *mereka sering ~, berseminar dsb utk menyiapkan projek penulisan itu*;

membengkelkan membincangkan sesuatu dlm perbincangan berkelompok;

perbengkelan urusan atau aktiviti berbengkel.

bengkeng (béngkék) bengis, garang, pamarah: *guru baru itu ~ orangnya*;

membengkengi memarahi, mencela; *anak sendiri disayangi, anak tiri dibengkengi* prb tidak adil (menguntungkan orang yg disayangi);

kebengkengan perihal (sifat) bengkeng, kebengisan, kegarangan.

bengkil I; *bengkak-~*; → **bengkak**.

bengkil II ark; **terbengkil-bengkil** berpayah-payah (mengerjakan sesuatu), bersusah payah: *ia berkayuh mudik menongkah air surut itu dgn ~*.

bengkok Jw tanah yg diberikan kpd ketua kampung dll sbg gaji.

bengkok (béngkok) **1.** berkelok, lengkung, tidak lurus: *jalan yg ~*; **2.** ki tidak jujur, curang: *orang yg berakal ~ akhirnya tidak selamat juga*;

membengkok menjadi bengkok, berbelok, berkelok: *ia memutar-mutarkan misai lebatnya yg ~ ke atas spt tanduk kerbau*;

membengkokkan menjadikan bengkok, mengelokkan, membelokkan: *jalan yg mudah utk mengikir permukaan yg lebar ialah dgn cara ~ puting kikir*;

pembengkokan perihal atau perbuatan membengkokkan: *~ besi*;

pembengkok alat utk membengkokkan sesuatu; → **bengkang II**.

bengkol (béngkol) Jk bengkok; → **pengkol**.

bengkong (béngkong) **I**; → **bengkang I**.

bengkong (béngkong) **II** Jw tukang sunat (khatan).

bengkongkong sj ikan laut, kuku, *Acanthopagrus berda*.

bengku sj tumbuhan (pokok yg banyak getah, dan buahnya dibuat minyak), ketor, medang ketor, surin, *Ganua motleyana*.

bengkuang 1. sj tumbuhan (pokok spt pandan), mengkuang, *Pandanus atrocarpus*; **2.** Jk sj tumbuhan (pokok memanjat, umbinya manis), sengkuing, *Pachyrhizus erosus*.

bengku-bengku tongkat (kayu bercabang) penyokong jerubung perahu.

bengkudu → **mengkudu**.

bengkuk → **benguk I**.

bengkunang sj pelanduk besar, napuh, *Tragulas rapu*.

bengkung I bengkok (keris, pisau, dll);

berbengkungan bengkok-bengkok: *tombak ~*; **bengkang II**.

bengkung II kain pembebat perut (pinggang dll): *perut hendaklah setiap hari diikat dgn ~*;

berbengkung memakai bengkung: *Tun Tahar menukar pakaiannya dgn pakaian warna merah, ~, dan berdestar merah juga*;

membengkung membebat atau membalut dgn bengkung: *selepas bertungku, sediakan pula kelengkapan utk ~ perut*;

terbengkung 1. terlilit dgn bengkung; **2**. ki terbelenggu (tidak bebas): *manusia ingin keluar drpd kesempitan hidup yg dirasakan ~ oleh tradisi*.

bengoh ark bekerja mati-matian.

bengot (béngot) herot, genjang, serong.

bengu Jk bau (berbau) busuk.

benguk I masyghul, sedih hati, murung.

benguk II beguk, degum.

benguk III; *kacang ~ = kara ~* sj kacang yg besar.

bengul Jk bengkak (mata sesudah menangis dll), balut, bakup.

benian I = *peti ~* sj peti (tempat menyimpan barang-barang berharga, pakaian); **banian**.

benian II; *baju ~* baju dalam.

benigna (Ubat) tidak serius, tidak berulang-ulang dan tidak susah utk pulih (bkn tumor atau ketumbuhan): *janganlah kamu risau, doktor kata ketumbuhan pd tengkuknya itu bersifat ~ sahaja*.

benih **1.** biji drpd buah kecil (spt padi dll) yg akan ditanam, bibit: *padi yg baik itu disimpan utk dijadikan ~*; **2.** benda yg akan menjadi benda hidup (tumbuh): *sperma atau ~ jantan; ~ cacar*; **3.** punca, sumber: *pelajaran ialah ~ kemajuan*; **4.** keturunan drpd: *~ orang bangsawan*; **5.** sesuatu (perasaan, keadaan, dll) yg baru mula wujud atau timbul dan mempunyai kemungkinan utk berkembang dsb, bibit: *~ kemesraan*;

~ yg baik tak memilih tanah = jika asal ~ yg baik jatuh ke laut menjadi pulau prb orang yg berketurunan baik ke mana pun perginya akan baik juga jadinya; asal ditugal adalah ~ prb tidak usah disusahkan, tidak akan ada orang yg menolong dlm mengerjakan pekerjaan yg baik;

berbenih mempunyai benih;

membenih mulai wujud (timbul) sesuatu perasaan (keadaan dsb): *perasaan cinta sedang ~*;

membenihkan menghasilkan sesuatu: *~ kejayaan*;

pembenihan proses menanam benih, penyemaian: *~ awan telah dibuat sbg kaedah mengurangkan kesan gelora puting beliung*.

bening **1.** jernih, hening: *matanya berkaca ~*; *selaput ~* Id selaput mata bahagian depan; **2.** (bkn suasana) hening, sunyi senyap: *suasana menjadi ~ seketika*;

membeningkan **1.** menjadikan bening (jernih, hening), menjernihkan, mengheningkan; **2.** menjadikan bening (hening, sunyi senyap), mengheningkan;

kebeningan keadaan bening (jernih, hening): *~ malam*.

benitan **1.** sj tumbuhan (pokok), lempunai, mempenai, *Xylopi caudata*; **2.** sj tumbuhan (pokok), bedara emping, kelayu hitam, tampung kecil, *Arytera littoralis*; **3.** sj tumbuhan (pokok), *Goniothalamus ridleyi*.

benjol (bénjol) bengkak pd dahi, bincut: *ia kena pukul hingga ~~~ ;*

berbenjol beroleh (menjadi) benjol: *rambutnya banyak yg melekap pd dahinya yg ~.*

bensol (bénsol) IB minyak kapal terbang.

benta I sj bisul dlm daging (pd bibir atas).

benta II sj tumbuhan (rumput), *Leersia hexandra*.

bentak herdik, tengking: *"Mana boleh!" ~nya;*

membentak mengherdik, menengking: *wanita itu ~ kpd kuli yg mengangkut barangnya;*

bentakan suara atau kata-kata yg keras dan kasar (utk memarahi seseorang), herdikan, tengkingan.

bentala sl bumi, tanah.

bentan berbalik sakit (sesudah agak sembuh): *ada beberapa hari lamanya Sultan Alaudin pun adalah baik sedikit, maka baginda santap nasi susu lalu ~.*

bentan (béntan) sj tumbuhan (pokok), *Cerbera manghas*.

bentang I; membentang tampak luas dan rata, menghampar: *sesampai di puncak bukit tampak laut ~ di hadapan mereka;*

membentangi menghamparkan sesuatu di: *jikalau Tun Perpatih Permuka Berjajar masuk menghadap, pd tempatnya duduk itu dibentangi permaidani;*

membentangkan 1. menghamparkan, membeberkan: *ia melabuh sauhnya seraya ~ kajang utk berbaring-baring melepaskan jerihnya; Pak Kadok ~ layar dan mengemudikan perahunya; 2.* memaparkan, menghuraikan, menerangkan: *peringatan serupa itu kerap kali dibentangkan dan dipaparkan oleh Rosita kpd mereka itu; 3.* menyampaikan sesuatu (kertas kerja dll): *kertas kerja ini telah dibentangkan pd seminar Bahasa dlm Pendidikan ke-IV;*

terbentang terbuka luas, terhampar: *sawah padi yg ~ luas*;

pembentangan 1. perbuatan membentangkan (menghamparkan, membeberkan), penghamparan, pembeberan; **2.** perbuatan membentangkan (memaparkan, menghuraikan, menerangkan), pemaparan, penghuraian, penerangan;

pembentang orang yg membentangkan sesuatu: *~ kertas kerja*.

bentang II sj kereta tarik (tidak beroda) yg ditarik oleh binatang spt kerbau dll.

bentangur sj tumbuhan (pokok), *Calophyllum spp.*; *~ ara = ~ mumut = ~ pasir* sj tumbuhan (pokok), *Calophyllum kunstleri*; *~ batu = ~ besar = ~ bukit* sj tumbuhan (pokok), *Callophyllum pulcherrimum*; *~ belalang* sj tumbuhan (pokok), *Callophyllum lanigerum*; *~ bunga = ~ jantan = ~ laut* sj tumbuhan (pokok), *Callophyllum inophyllum*.

bentar; sebentar 1. sekejap, sejurus, tidak lama: *kita berhenti ~*; **2.** Jk nanti; *~ malam* nanti malam; *~ ini = ~ tadi* baru saja; *~ juga* dgn segera; *~ lagi* sekejap lagi; *~ ... ~ kadang-kadang ... kadang-kadang*;

sebentar-sebentar sekejap-sekejap, kerap kali: *~ aku menggosok mata*.

bentar (béntar) Mn; **berbentar** berjalan berkeliling, berbegar, beredar; *mengambil jalan ~ tidak mengikut jalan yg langsung (terus)*;

membentari mengelilingi, mengedari: *kuda itu lari ~ lapangan*;

memperbentarkan menyuruh berjalan (berlari) dlm lingkungan (kuda);

perbentaran lingkungan tempat kuda berbentar (beredar).

bentara 1. sl pesuruh raja (yg menyampaikan titah atau membawa alat kerajaan); *~ dewan* pegawai yg ditugaskan utk menunjukkan tempat kpd orang awam dlm dewan; *~ kanan* bentara yg berdiri di

kanan raja; ~ *kiri* bentara yg berdiri di kiri raja; ~ *mahkamah* pegawai yg ditugaskan utk menunjukkan tempat kpd orang awam dlm mahkamah; **2.** Id pegawai tidak bertauliah (tentera).

bentaus, bentawas; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok); **mentaus.**

benteh (béntéh) → □ **bentes.**

benteng (bénténg) **1.** tembok (drpd batu, tanah, dll) utk mempertahankan kota dll drpd serangan musuh: ~ *serupa itu dgn mudah dapat ditembusi musuh*; **2.** tempat yg diperkuat dgn tembok: *Singapura merupakan ~ pertahanan Sekutu dlm Perang Dunia Kedua*; **3.** tembok atau binaan yg dipertinggi (drpd tanah dll) utk menahan air atau menyokong jalan atau landasan kereta api; **4.** tempat yg bertembok di sekeliling tempat tinggal tentera, kubu: *pd malam hari, tentera Belanda tidak dibenarkan keluar ~*; **5.** pertahanan terhadap ancaman, faktor (unsur) yg mempertahankan atau melindungi sesuatu: *Malaysia dianggap sbg ~ demokrasi di Asia Tenggara*; **6.** tir (nama sj buah catur);

berbenteng mempunyai benteng;

berbentengan menggunakan sesuatu sbg benteng;

membentengi memperkuat (menahan dll) dgn benteng, mempertahankan, melindungi: *ketenangan adalah senjata yg ~ diri drpd menyerlahkan sifat-sifat buruk manusia.*

bentes (béntés); *main* ~ sepak-menyepak dgn tulang betis (suatu permainan);

berbentes bermain bentes;

membentes menyepak tulang betis orang dgn tulang betis sendiri: *Suhud dapat menangkap pergelangan tangan Lat dan ~ kakinya*;

terbentes tersentuh betis pd sesuatu: *beberapa orang ~ jatuh tertiarap*;

pembentes orang yg suka membentes.

bentet (bentét) Jk rekah, retak, terbelah.

bentik ark betik.

bentil = ~ *susu* puting susu, hujung susu.

bentok Jk; **kebentok** terlanggar; → **bentrok**.

bentonit (béntonit) sj tanah liat yg berasal drpd abu gunung berapi, digunakan dlm industri binaan, farmaseutikal, dan kertas.

bentos (béntos) haiwan dan tumbuh-tumbuhan yg hidup di dasar laut atau tasik.

bentrok; **berbentrok** berlanggar, berselisih, bertengkar, bertentangan: *anak itu selalu ~ dgn abangnya*;

membentrokkan 1. melanggarkan, menghantukkan, menumbukkan: *ia ~ keretanya pd tiang lampu*; 2. membuat orang berselisih, melagakan, mengadudombakan: ~ *anak dgn bapa*;

bentrok perselisihan, pertentangan, pertengkaran: ~ *antara kedua-dua mereka itu sudah diselesaikan oleh orang tua mereka*;

pembentrok perihal membentrokkan.

bentuk 1. lengkung, lentur: ~ *busur panah*; *pedang* ~; 2. penjodoh bilangan utk barang yg melengkung: *se~ cincin*; 3. bangun, rupa, perawakan: *api begitu garang hingga jelas ternampak ~ tubuh orang itu*; 4. cara, gaya, corak, susunan: ~ *dan gaya penulisan serta bahasa kurang diperhatikan*; ~ *pemerintahan*;

membentuk 1. melengkung, melentur: ~ *spt kail*; 2. menjadikan atau membuat supaya melengkung; 3. menjadikan sesuatu mengikut bentuk yg tertentu, membuat sesuatu dgn bentuk atau rupa yg tertentu; 4. membuat, mendirikan, menubuhkan, menyusun: ~ *kata terbitan yg baru*; ~ *syarikat kerjasama*; ~ *kabinet baharu*;

terbentuk dibentuk: *batu-batu spt batu kapur dan batu pasir menyebabkan ~nya bukit-bukit; tidak ~ tidak terdidik, tidak terajar;*

bentukan sesuatu yg sudah dibentuk; *kata ~ Id kata terbitan, kata buatan (baru);*

pembentukan perihal (perbuatan, usaha, dsb) membentuk: *ia berazam utk mengambil peranan dlm ~ masyarakat baru;*

pembentuk orang atau alat yg membentuk.

bentulu sj ikan darat, *Barbichthys laevis*.

bentur I; membentur melentur (dahan kayu dll).

bentur II; berbenturan berlanggaran, berhantukkan, bertumbukan;

membenturkan melanggarkan, menghantukkan, menumbukkan;

terbentur 1. terlanggar, terhantuk, tertumbuk: *kakinya ~ batu; 2.* terhalang, terhambat, gagal: *maksudnya selalu ~;*

perbenturan perihal berbenturan, pertentangan, perlanggaran: *ketegangan dlm kehidupan bangsa yg sedang berkembang, diakibatkan oleh ~ antara aspirasi ekonomi moden dgn aspirasi kebudayaan.*

benturung sj musang (rupanya spt beruang kecil), tenturun, binturung, *Arctictis binturong*.

bentus Jw; **terbentus** terhantuk, terlanggar.

benua 1. daratan yg sangat luas (Asia, Eropah, Amerika, Afrika, dan Australia): *~ Eropah; 2.* negeri, tanah: *~ China; ~ Arab; spt burung gagal pulang ke ~ prb orang pulang merantau jauh yg tidak bertambah pengetahuannya;*

kebenuaan bersifat benua: *iklim ~ terlalu panas dan terlalu sejuk.*

benuang I; *kerbau ~ sj kerbau besar; rusa ~ sj rusa besar.*

benuang II sj tumbuhan (pokok) yg kayunya lembut dan ringan, *Sterculia alata*.

benum; membenum IB, bp melantik (mengangkat) dlm sesuatu jabatan:
dibenum menjadi pegawai;

benuman **1.** lantikan, pengangkatan; **2.** orang yg dilantik.

benyai **1.** benyek, lembik (dan berair) spt nasi yg banyak air (buah yg terlampau masak); **2.** lemah (tidak bertenaga), lenyai, letih, tidak ada nafsu kerja.

benyek (bényék) lembik dan berair (nasi dll).

benyot (bényot) bengut, herot, genjang.

benyut benyot.

benzena (bénzéna) (Kim) sj cecair yg tidak berwarna, beracun, diperoleh drpd petroleum, digunakan sbg pelarut dan utk membuat bahan kimia lain (spt racun serangga).

benzin (bénzín) = *minyak* ~ **1.** petrol: *derum enjin kereta memekakkan telinga manakala bau ~ pula mengganggu hidung*; **2.** sj minyak tanah: *minyak ~ lampu gasolin itu yg mengalir keluar dan tumpah ke atas permaidani di bawahnya, dijilat api.*

benzina (bénzina) (Kim) campuran hasil sulingan petroleum, yg mudah meruap dan mudah terbakar, digunakan terutamanya sbg pelarut atau bahan api motor.

beo (béo) = *burung* ~ sj burung yg dapat diajar bercakap beberapa perkataan, tiung;
membeo meniru perkataan (cakap) orang lain: *jangan engkau ~ orang sahaja;*
pembeo orang yg membeo (meniru orang lain).

bepang (bépang), **bepa** (bépa) sj kuih yg dibuat drpd beras pulut.

bera I **1.** merah yg agak hitam pd muka (kerana malu dll); **2.** malu, aib;
membera dgn muka yg merah (kerana malu dll).

bera II Pr hitam legam.

bera III Kl bunyi spt bunyi benda-benda halus (beras, pasir, dll) ditabur.

berabe (berabé), **berabai** Id rumit, sukar (mengerjakan sesuatu dll), berselok-belok.

berahi 1. kasih (cinta) yg amat sangat: *makin lama ia memandang gadis itu makin bertambah ~nya*; **2.** rasa suka akan seseorang (dgn bernafsu), ghairah: *drpd matanya, jelas kelihatan perasaan ~nya terhadap wanita itu*; **3.** sangat suka: *~ berceloteh dan berleter*; *~ mendengar bunyi-bunyian*;

memberahikan 1. mencintai dgn amat sangat, berahi akan: *laksamana dlm negeri Majapahit diberahikan oleh perempuan*; **2.** membuat orang berahi (ghairah), mengghairahkan, menggiurkan: *Minah pun muda juga dan masih ada daya penarik yg ~*;

keberahian perihal berahi, keghairahan;

pemberahi orang yg mudah berahi.

berai; *cerai*-~ bercerai-berai, berpecah-pecah, berpisah-pisah;

berberai bercerai, berpecah, berpisah: *sbg pemimpin, kamu harus cuba memelihara keutuhan umat agar tidak ~*;

berberaian berceraian, bercerai-cerai: *laungan itu bergema dan ~ pecahannya*;

memberai-beraikan 1. mencerai-ceraikan, memecah-mecahkan, memisah-misahkan; **2.** menyebarkan (khabar); → **cerai**.

beraja Jk bintang beralih.

berak (bérak) bk **1.** najis yg keluar dr dubur, tahi; **2.** buang air besar;

~ air buang air besar yg cair; *~ darah* buang air besar dgn mengeluarkan darah; *siapa mengaku ~ di tengah jalan* prb apabila sesuatu kejahatan yg dibuat secara sulit diketahui orang, yg membuatnya tidak akan mengaku;

memberaki 1. membuang air besar pd, mengotori dgn najis: *~ tempat makan sendiri*; **2.** ki menipu, mengkhianati: *~ kawan sendiri*; **3.** ki menghinakan dgn sangat;

terberak terkeluar najis (tahi), berak: *kerana terlalu banyak makan asam, dia ~ dlm seluar;*

terberak-berak terlalu kerap berak: *dia ~ kerana makan asam terlalu banyak .*

berakah sl cakap besar, sombong: *yg pertama masuk, Tun Isap namanya, ialah menghulu-hulukan orang masuk itu dgn pantasny, tetapi sekali juga ia masuk tiada lagi masuk, takut ia, dinamai orang Tun Isap B~.*

beraksa I = *pokok ~ = kayu ~ sj pokok beringin; → beksa, bereksa.*

beraksa II = *kuda ~ sl kuda yg dapat terbang.*

berakya Kl nakal, jahat.

beram sj minuman keras (air tapai).

berambang Jw bawang merah.

berambi Kl berhati-hati, beringat-ingat, cermat, teliti.

berambung sj tumbuhan (pokok), merambung bukit, *Vernonia javanica.*

berambur Kd terburai.

beramin; *bakul ~ sj bakul yg digantungkan supaya tidak dapat dihinggapi tikus.*

beran Kd bintik-bintik merah pd badan semasa kena demam campak.

berancai; **terberancai** cerai-berai, terbongkar (terombak): *basikal itu ~.*

beranda 1. ruang terbuka yg berbumbung dan berlantai di bahagian depan atau tepi rumah: *kerusi dan meja telah teratur di ~ muka utk menerima tetamu;* **2.** ark sj bilik dlm perahu.

berandal Jw pengganas, penjahat, perompak;

memberandal berbuat jahat, ganas.

berandang nyata (tampak), mudah tampak.

berang (bérang) marah (yg amat sangat), gusar: *ia masuk dgn muka yg ~; Hasyim membentak dgn ~;*

memberang menjadi sangat marah: *tidak diduga sama sekali abangnya akan ~ begitu rupa;*

memberangi memarahi;

keberangan perasaan marah yg amat sangat, kegusaran: *dia terketar-ketar ~;*

pemberang pemaarah.

berangai ark; *mati* ~ mati suri (kelihatan sudah mati tetapi sebenarnya tidak); *perahu* ~ sj perahu perompak.

berangan I sj tumbuhan (pokok);

~ *antah* sj tumbuhan (pokok), *Quercus oidocarpa*; ~ *bukit* = ~ *duri* sj tumbuhan (pokok), *Castanopsis megacarpa*; ~ *landak* sj tumbuhan (pokok), *Quercus spicata*; ~ *makan* = ~ *padi* sj tumbuhan (pokok) *castanopsis inermis*; *akar* ~, sj tumbuhan (pokok memanjat), kayu laka, *Dalbergia parviflora*.

berangan II racun tikus.

berangas sj siput kecil yg melekat pd kayu dlm air laut.

berangasan Jw mudah naik darah, pemaarah.

berang-berang sj binatang, anjing air, *Lutra sumatrana*; **memerang**.

berangsang; **memberangsang** amat marah, menunjukkan kemarahan (seseorang), memarahi: "*Awak ini betul bodoh,*" *ia ~ ke telinga orang itu;*

memberangsangkan 1. membangkitkan keberanian (semangat dll), memberanikan: *ia sukacita mendengar kata-kata tabib yg ~ hatinya;* **2.** membangkitkan kemarahan (perasaan marah);

pemberangsang 1. pemaarah; **2.** minuman (makanan) utk memberangsangkan; → **rangsang I.**

berangta Jw, sl berahi, (jatuh) cinta.

berangus Id salut muncung anjing (agar tidak dapat menggigit), berongsong;

memberangus 1. membungkus muncung anjing dgn berangus, memberongsong; 2. ki melarang akhbar diterbitkan, melarang orang bercakap (menyatakan pendapat);

pemberangusan perihal (perbuatan, tindakan) memberangus.

berani I 1. gagah (bukan pengecut), perkasa: *adikku ialah seorang yg ~*;

2. tidak takut, tabah menghadapi bahaya (kesulitan dll): *fikiran ini tidak ada orang yg ~ menafikan*;

~ lalat berani di belakang lawan (kalau berhadapan takut); *~ mati* tidak takut mati; *~ udang* tidak tetap hati, cemas hati; *barisan (pasukan) ~ mati* tentera yg berani mengorbankan jiwanya;

~ hilang tak hilang, ~ mati tak mati prb mengerjakan sesuatu hendaklah dgn keberanian; *~ malu, takut mati* prb pengecut; *~ menjual, ~ membeli* prb a) apa-apa yg dikerjakan (dikatakan), hendaklah ditimbang-timbang (jangan mengenai orang lain); b) tidak saja mahu menyuruh, mengerjakan pun mahu juga; *~ pegang, ~ tanggung = barang siapa ~ mengamang, tak dapat tidak melawan* prb tiap-tiap yg dicakapkan akan berani pula dikerjakan;

memberanikan 1. memberangsangkan, menggalakkan: *kemenangan itu ~ lagi orang-orang Islam*; 2. = **memberani-**

beranikan menjadikan (diri sendiri) berani, membuat (memaksa diri) supaya berani: “*Saya tidak akan bimbang dgn tidak bersebab*”, *katanya dgn hati yg diberani-beranikan*;

keberanian kegagahan, keperkasaan: *dia mendapat pangkat itu dgn ~ dan pengorbanan*;

pemberani sangat berani, orang yg sangat berani.

berani II; *batu ~ = besi ~ besi* yg mempunyai tenaga utk menarik besi lain (mengandungi kuasa elektrik); → **semberani II**.

beranta sj perahu sungai.

berantakan Jw cerai-cerai, kacau, tidak teratur: *mejanya ~*.

berantas Id; **memberantas** membanteras;

pemberantasan perihal (tindakan, usaha dsb) memberantas: *~ buta huruf*.

berantuk Kl tidur (nyenyak).

berapa **1.** (kata tanya) utk menanyakan jumlah (besar, bilangan, harga, tinggi, dll): *~ jumlahnya?; ~ harga buku itu?* **2.** sebanyak mana, sebesar apa (jumlahnya): *dia boleh mengambil hartaku ~ dia suka;* **3.** bagaimana, betapa: *tengoklah ~ berbahagiannya mereka di sini; ~ pun bagaimanapun, betapa pun;* **4.** = **seberapa** sekian (banyaknya), sebegitu (banyaknya): *tidak ~ lama*.

berarakan Jk berserak-serak, cerai-berai.

beras **1.** padi yg sudah dikupas kulitnya dan sedia utk dimasak: *diambilnya ~ dan ditanaknya nasi;* **2.** buah yg berbutir-butir (gandum, jagung, kopi, dll), biji-bijian; *~ basah = ~ kumbah = ~ lembap* ki sesuatu yg tidak berguna; *~ basmati* sj beras panjang yg ditanam di India dan Pakistan dan digunakan utk memasak nasi beriani, nasi minyak, dsb; *~ belanda* sj padi-padian, barli; *~ bertih* padi yg digoreng (dgn tidak memakai minyak); *~ ceruh = ~ sosoh* beras yg telah dibersihkan dgn selaputnya sekali; *~ giling* beras yg dikupas dgn penggilingan; *~ goreng* a) beras yg digoreng; b) sj ukiran pd bakul; *~ hancur = ~ patah* beras yg hancur; *~ kepala* beras yg terbaik; *~ ketan* Id = *~ pulut* beras yg melekat kalau ditanak; *~ kertas = ~ ketas = ~ petas* berbagai-bagai jenis beras; *~ kunyit* beras yg dikuningkan dgn kunyit; *~ meja* beras yg putih (baik); *~ merah = ~ perang* beras yg berselaput merah atau keperangan (tidak diputihkan); *~ pecah kulit* beras yg masih berselaput; *~ rebus* beras yg setengah dimasak; *~ sosoh* beras yg diputihkan dgn cara menyosoh;

~ *terdorong ke Tiku* prb a) perihal barang yg mesti dijual biarpun berapa harganya kerana belanja mengangkutnya kembali besar; b) gadis yg tidak dapat memilih jodohnya kerana umurnya sudah lanjut; *kalau tiada ~, kerja tiada deras* prb jika tidak ada daya, terimalah nasib; *spt ~ lembap, dijual tak laku, ditanak tak mual* prb sesuatu yg tidak berharga (kurang baik): *tak ~, antah dikisik* prb utk mencapai maksud dilakukan segala-gala daya upaya; *taruh ~ dlm padi* prb nasihat menyuruh simpan rahsia baik-baik;

berberas mempunyai beras; *tak ~ akan ditanak* prb tidak ada kepandaian utk dipertunjukkan (dlm keramaian dll).

beras-beras I sj tumbuhan (pokok), kedondong matahari, kijai, beberas, *Trigonochlamys griffithii*.

beras-beras II sj ikan laut, *Kyphosus spp.*

beraso sj cecair pengkilap barang-barang logam supaya berkilat semula;

berberaso 1. telah dibubuhi beraso: *kain buruk yg ~ itu disapukan pd bekas tembaga itu*; **2.** telah dicuci dgn beraso: *piala itu sudah ~*;

memberaso menggosok dgn beraso, membubuh beraso: *jari-jari roda basikal yg sudah diberaso itu digosoknya juga*.

berat 1. tekanan benda (apabila ditimbang), ukuran timbangan (sesuatu): *cuba timbang supaya diketahui ~ barang itu*; **2.** tidak ringan, mempunyai tekanan yg kuat (kalau ditimbang): *tidak terpikul olehku benda yg ~ itu*; **3.** sukar (dilakukan, diselesaikan, dsb), sulit, susah: *kira-kira serupa itu terlampau ~ bagi murid-murid sekolah rendah; kerja dan tanggungjawab yg ~*; **4.** amat sangat, kuat: *dia sakit ~*; **5.** menyebelah, memihak; *~ pd (kpd) memihak kpd; ~ sebelah menyebelah kpd satu pihak (tidak adil)*; **6.** bkn novel, drama, dll yg mengisahkan perkara yg serius (spt pergolakan rumah tangga, perjuangan politik, dsb): *novel 'Salina'*

karya A. Samad Said ialah sebuah novel yg ~; 7. bkn kesalahan dll yg tidak boleh dianggap ringan atau kecil, serius: membunuh ialah satu kesalahan yg ~; azab seksa yg ~; 8. bkn sikap (pendirian dsb) yg sungguh-sungguh: Mohd Affandi memberi perhatian yg ~ kpd masyarakat dlm tulisannya ini; 9. bkn makanan yg (sangat) mengenyangkan: makanan ~ biasanya membuat kita mengantuk; ~ atom berat sesuatu atom berbanding dgn berat satu atom hidrogen; ~ hati a) enggan, tidak sampai hati: ~ hati ibunya hendak melepaskan Maimunah; b) cenderung (memikirkan, menyangka, dll): ~ hati Ina menyangka bahawa suaminya dlm kemalangan; ~ kepala a) sukar mengerti, sukar belajar; b) susah hati; c) sakit kepala; ~ lidah = ~ mulut pendiam, kurang ramah; ~ mata (lekas) mengantuk; ~ otak susah hati; ~ siku = ~ tangan enggan bekerja (menolong), malas; ~ telinga pekak, kurang jelas pendengaran; ~ tulang malas; ~ sama dipikul, ringan sama dijinjing prb baik buruk sama-sama dipikul (semuafakat); berapa ~ mata memandang, ~ lagi bahu memikul prb betapa juga susah orang yg melihat sesuatu kesusahan orang lain, terlebih susah lagi orang yg menanggungnya; nan ~ tidak terpikul, nan ringan tidak terjinjing prb orang yg sangat tua dan lemah;

berberat mempunyai berat: *nanas sarawak ~ sehingga 12 kilogram;*

memberat **1.** menjadi berat: *dia berasa sesuatu yg ~ di dlm dadanya;* **2.** tampak berat, seakan-akan berat: *susu kambing itu tergayut-gayut dan ~; ~ isi Kl telah penuh berisi tetapi belum masak (padi, rambutan, dll);*

memberati **1.** memberi beban (kpd), membebani: *baiklah aku pergi, mudah-mudahan aku tidak lagi akan ~ keluarga di rumah*

ini; 2. menambah beban, menyusahkan: hal rumah tangga ~ fikirannya;

memberatkan **1.** menjadikan berat (beban, kesalahan, tuduhan, dll): *urusan yg semacam ini ~ beban saya; keterangan saksi itu ~ kesalahannya; 2.* membebankan (menyerahkan kpd): *pekerjaan itu tidak boleh diberatkan kpd seseorang sahaja; 3.* menganggap penting (tinggi, mulia, dll), mengutamakan, mementingkan: *soal taraf lebih diberatkan drpd kepentingan negara; tulisan kritikan sastera Melayu yg ~ aspek agama;*

memperberat menambah berat, memberatkan lagi;

terberat sl dipandang (dianggap) berat (tinggi, mulia, dll): *pd bicara patik, baik juga duli paduka Betara menyambut paduka anakanda itu supaya ~ pd mata orang sekalian;*

keberatan **1.** beratnya (benda, perkara, dll): *kalau engkau sendiri berada di sini, tentu engkau akan insaf betapa ~ tanggungan kami; 2.* kesukaran, kesulitan: *tak ada ~ bagi kerajaan menjalankan rancangan itu; 3.* Jk terlampau berat, melebihi (muatan): *tak terangkat olehnya kerana ~; 4.* mengandung sarat; **5.** tidak rela (kerana susah dll), tidak suka, enggan: *ia agak ~ menemani saya;*

berkeberatan keberatan;

pemberatan perihal memberati atau memberatkan;

pemberat benda (spt batu, timah, dsb) utk memberatkan sesuatu.

berbuah; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek), akar meroyan jantan (paya), *Dissochaeta celebica*.

berbulu sj tumbuhan (pokok) bulu-bulu, pianggu jantan, *Pellacalyx axillaris*.

bercak Jw borek, berbintik-bintik.

bercat = *ikan* ~ sj ikan darat, haruan.

berdanur Kd kotor dan berdaki.

berdene (berdéné) Kd berlendir (pd kudis yg masih bernanah).

berdikari berdiri atas kaki sendiri, tidak mengharapkan orang lain utk menolongnya: *belajar hidup* ~.

berdus buncit (perut).

berecak Kl ombak besar, gelombang.

berecek (berecék) Kl melakukan sesuatu berdikit-dikit (beransur-ansur).

berék (bérék) bangunan atau kumpulan beberapa buah rumah utk tempat tinggal anggota tentera atau polis: ~ *polis*.

berék-berék (bérék-bérék) **I** sj burung (biasanya terbang malam), a) *Merops leschenaulti*; b) *Merops philipinus*; ~ *laga siang, malam sekelelapan* prb nampaknya berselisih sahaja, tetapi batinnya mereka seia sekata.

berék-berék (bérék-bérék) **II** Kl berterusan, tidak putus-putus.

bereke (beréké) Kl bersama-sama (berjalan), turut serta.

bereksa (beréksa) **1.** sj tumbuhan (pokok), beka, gedayang, kedaung, *Parkia javanica*; **2.** sj tumbuhan (pokok), busuk-busuk, sebusuk (hutan), *Cassia nodosa*; **3.** sj tumbuhan (pokok), sebatai, *Cassia timoriensis*; **beksa, beraksa I.**

beremban kayu melintang (utk menguatkan pagar, empang, dll); ~ *bukit* = ~ *darat* sj tumbuhan (pokok), pedada bukit (darat), *Duabanga sonneratioides*.

berembang sj tumbuhan (pokok yg tumbuh di tepi pantai), berombang, gedalu, *Sonneratia alba*; *buah* ~ a) buah pokok berembang; b) bulatan pd puncak tiang.

berembas Kl bergelut.

berembau Pr kepuk (tempat menyimpan padi).

beremi sj tumbuhan (herba yg tumbuh di tempat yg berair), *Limnophila aromatica*.

berenas; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), akar kecubung air, akar setebal, *Trichosporum radicans*.

berenga ulat kecil-kecil (putih) yg terdapat pd bangkai yg telah busuk: ~ *pun memutih pd segenap badannya*.

berengau sl sj alat bunyi-bunyian yg ditiup.

berenggil ark terpersil.

berengus Jk ark misai, kumis.

berengut; memberengut bersungut-sungut, merengus; → **rungut**.

berentang; memberentang menyentak (supaya lepas), merentak;
memberentangkan 1. menyentakkan, merentakkan; 2. menghimpunkan segenap tenaga.

berentuh bk tidur.

berenuak Pl banyak.

bereo (beréo) Jk jambang dan jan ggut, berewok.

berepas Kl bercerai (kanak-kanak dgn orang tua).

bererot (berérot) Jk, **bererotan** berduyun-duyun, beriring-iring.

beres (berés) Mn ark sangat sejuk.

beres (bérés) 1. teratur, rapi, tidak kacau: *kehidupan kau masih belum ~ lagi*; 2. selesai (perselisihan, hutang, dll): *pertikaian dgn adiknya belum ~ lagi*; *hutang telah ~*; *tahu ~ bp tidak usah gaduh* (semuanya akan beres);

membereskan 1. mengusahakan dsb supaya teratur (sempurna, kemas, dsb), mengatur, merapikan: ~ *semua yg perlu utk mesyuarat*; 2. menyelesaikan (perselisihan, hutang, dll): *hutangnya sampai sekarang belum dibereskan lagi*;

keberesan kerapian, ketertiban, keselesaan;

pemberesan perihal (perbuatan, usaha, dsb) membereskan.

beret (berét) Jk lecet (melecet), tergores kulit.

beret (bérét) I Jk 1. sangat pemilih; 2. banyak permintaan.

beret (béret) II sj topi yg berbentuk bulat dan leper, dibuat drpd sj kain.

berewok (beréwok) Jk (ber)jambang, bauk.

bergajul **1.** orang yg berkelakuan jahat; **2.** orang yg membuat orang jadi marah.

bergas Jw ark gagah, kacak.

bergedel (bergedél) makanan yg dibuat drpd ubi kentang dan daging yg dilumatkan bersama, dibentuk bulat-bulat kecil, dan digoreng.

berguk sl selubung yg menutup muka dan badan spt yg dipakai oleh perempuan yg naik haji, layah.

berhala patung dewa-dewa; *menyembah* ~ menyembah patung;

memberhalakan memuja, mendewakan: *kalau aku cintakan tanah air, maka bukanlah aku ~nya.*

beri; memberi **1.** menyampaikan (sesuatu) kpd seseorang (utk disimpan, digunakan atau utk sesuatu keperluan): *kerani itu ~ saya dua helai borang kosong utk diisi; dia ~ adiknya sebuah buku cerita;* **2.** bp tidak menghalang seseorang melakukan sesuatu, membenarkan, mengizinkan, merelakan: *saya tidak diberinya masuk;* **3.** mengakibatkan, menyebabkan, menjadikan: ~ *malu; ~ bercat;* **4.** menunjukkan, membuka: ~ *jalan;* **5.** = ~ *bahagian* bp memukul: *awas kau, nanti aku beri;* **6.** kenyal, menganjal: *tanah liat yg lembut, ~ dan menganjal;*

~ *bertenggang* memberi kelonggaran (kesempatan) utk berikhtiar;
~ *hati* a) memanjakan; b) memberanikan hati; ~ *hormat* (*salam, selamat*) mengucapkan hormat (*salam, selamat*); ~ *izin* mengizinkan; ~ *muka* memanjakan; ~ *telinga* sudi mendengar(kan); ~ *barang kpd tangan kera* prb menyerahkan sesuatu kpd orang yg akan merosakkannya;

memberikan **1.** menyerahkan sesuatu kpd: *ada orang yg sudi ~ sesuap nasi kepadanya;* **2.** melakukan sesuatu utk (faedah) orang

lain: ~ pelajaran; ~ pertolongan; ~ layanan yg istimewa; **3.** menyatakan sesuatu kpd orang lain spt yg diperlukan atau dikehendaki: ~ taklimat fatwa; **4.** mendatangkan, menghasilkan: makanan yg ~ tenaga; ~ kesan;

pemberian 1. = **berian** sesuatu (benda dll) yg diberikan: ia menolak ~ majikannya; **2.** perihal memberikan: ~ hadiah; ~ ampun;

~ bantuan sumbangan kerajaan utk menutup (mencukupi) sebahagian drpd perbelanjaan (jabatan, perbadanan, dll); ~ percuma pemberian dgn tidak meminta bayaran;

pemberi 1. orang yg memberi; ~ sewa orang yg pendapatannya terdiri drpd hasil sewa tanah (rumah dll); **2.** suka memberi, murah hati; **3.** sl pemberian.

beri (béri) **1.** sj tumbuhan (herba dan buah), *Fragaria spp.*; **2.** sj buah yg menyerupai buah *Fragaria spp.* (spt tomato, limau, dll).

beria Ph **1.** sungguh-sungguh; **2.** tenat (penyakit dll).

beriang ark biawak air, *Varanus salvator*.

beriani = nasi ~ nasi yg dimasak dgn rempah-rempah (lauk, minyak sapi, dll).

beriberi (béribéri) sj penyakit akibat kekurangan vitamin B₁, yg menjejaskan saraf, menyebabkan sakit, bengkak, dan lumpuh.

berida tua (orang dll): dia bangsawan ~ yg tahu akan harga dirinya.

berik ark sj kapal layar.

berilium (bérilium) (Kim) sj unsur logam yg digunakan utk membuat aloi yg ringan dan tahan kakis.

berinda; seberinda 1. sekeluarga, segolongan; **2.** sekalian, seluruh.

beringas galak, ganas, garang, liar.

bering-bering sj canang (dipakai dlm permainan menora, makyung, dll).

beringin **1.** sj tumbuhan (pokok), ara, waringin, *Ficus benjamina*; **2.** = ~
songsang gambar pokok terbalik pd bulan.

beringis; memberingis = **beringisan** ark menyeringai, mengernyih.

berisik Jk **1.** riuh (suara orang ramai); **2.** mendesing dlm telinga.

berit Kl tidak mahu besar (tubuh kanak-kanak).

berita **1.** maklumat mengenai sesuatu kejadian (peristiwa, diri sendiri, dll) yg disampaikan (sama ada secara lisan atau dgn surat dsb), khabar, warta: *semenjak itu tidak pernah saya lihat wajah suami saya, malah mendengar ~nya pun tidak pernah*; **2.** siaran atau penyampaian berita (melalui televisyen atau radio);

~ *acara* laporan berkenaan sesuatu perkara; ~ *angin* khabar yg belum pasti, desas-desus; ~ *kawat* berita yg diterima melalui kawat (telegram); ~ *negara* majalah kerajaan yg rasmi; ~ *perdana* berita yg disiarkan pd waktu siaran yg dianggap terpenting (kerana ramai dijangka mendengar radio atau menonton televisyen pd waktu itu); ~ *sepekan* majalah mingguan;

berberita sl mengkhabarkan, memberitahukan: *setelah Sultan Abdul Jamal mendengar titah Laksamana itu, maka titah baginda: "Siapa yg ~ ke Melaka?"*;

memberitakan mengkhabarkan, melaporkan, memberitahukan: *Jepun ~ bahawa kapalnya itu sudah tenggelam*;

pemberitaan **1.** perihal mengkhabarkan: *kami pelajari cara-cara ~ akhbar itu*; **2.** maklumat, laporan, siaran: *kami berterima kasih atas ~mu*; **3.** ark laporan mengenai sesuatu perkara;

pemberita orang yg memberitakan, juruberita, juruwarta: *Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui oleh ~~~ akhbar*.

beritahu; memberitahu memberi khabar kpd seseorang supaya tahu, memaklumi: *ia ~ tiap-tiap orang tempat penginapan masing-masing*;

memberitahukan memberitakan, memaklumkan: *ia tidak ~ hal ini kpd sesiapa pun;*

pemberitahuan 1. perihal memberitahukan; perbuatan (tindakan dsb) memaklumkan (mengumumkan dsb); **2.** maklumat, kenyataan, pengumuman: *~ mesyuarat agung Persatuan Linguistik Malaysia;*

pemberitahu orang yg memberitahu.

berkas I ikatan atau susunan (kayu api, lidi, surat, dll): *membeli beberapa ~ kayu api; ~ pembuluh* gabungan saluran yg mengalirkan bahan makanan ke seluruh bahagian tumbuhan;

memberkas 1. mengikat menjadi satu ikatan: *tebu itu diberkas dlm ikatan sepuluh-sepuluh;* **2.** ki menangkap, menahan: *perintah dikeluarkan supaya orang itu dihendap dan diberkas;*

memberkaskan mengikatkan: *basikal kami diberkaskan di belakang motokar;*

terberkas terikat dlm satu ikatan, tergabung;

pemberkasan 1. perbuatan memberkas (mengikat); **2.** perbuatan memberkas (menangkap, menahan, dsb), penangkapan: *dlm ~ ini, terlibat juga beberapa ahli parlimen.*

berkas II sj ikan laut, cupak, *Caranx sexfasciatus, Caranx ignobilis.*

berkat 1. rahmat, restu, sempena: *hai anakku, hendaklah kau ingatkan wasiatku ini supaya diberi Allah engkau ~; mengambil ~;* **2.** dgn pengaruh (akibat, sebab), sbg hasil (manfaat dsb) drpd: *dia mencapai kedudukan itu ~ ketekunannya;* **3.** mujur, berbahagia: *dlm bulan puasa yg ~ ini, kita meminta doa kpd Allah; ~ afwah = ~ tuah dgn afwah (tuah);*

memberkati memberi sempena (rahmat, restu): *semoga engkau diberkati Tuhan dlm penghidupanmu; sami itu ~ mereka dgn membaca mantera;*

keberkatan sesuatu amalan yg mendatangkan berkat.

berkelium (berkélium) (Kim) sj unsur logam radioaktif dlm siri aktinid yg diperoleh drpd pembedilan amerisium dgn ion helium.

berkik sj burung tetirik, *Capella sternurs*.

berkil sj ikan laut, *Lutjanus erythropterus*.

berko (béko) Id lampu basikal (bernyala kerana arus elektrik).

berkuk; *burung* ~ sj burung, lengkua, punai lengguak, *Butreron capellei magnirostris*.

berlau ark biru → **belau III**.

berlian batu permata yg berkilau drpd karbon tulen dlm bentuk hablur: *cincin* ~.

berlik berdalih; → **lik**.

berma sl merah.

bermat sj perahu layar yg bertiang satu.

bernam sj tumbuhan (pokok kecil), kenidai bukit, memputeri, mengerai, *Glochidion sericeum*.

BERNAMA akronim bagi Berita Nasional Malaysia.

bernas 1. berisi penuh (padi, susu, dll): *anak-anak padi tumbuh dgn subur, rumpunnya besar, buahnya lebat dan ~*; **2.** subur dan banyak hasilnya (tanaman padi): *tanamannya ~*; **3.** ki berisi (ucapan dll): *kemukakanlah fikiran yg bernilai dan ~*;

kebernasan perihal bernas, bernasnya: *~ isi atau fakta*.

beroci sj kain sutera halus (dr Baroch, Gujarat).

beroga; *ayam* ~ ayam hutan; → **ayam**.

beroi sj ikan laut, *Pristis suspidatus*.

berok (bérok) = *turun* ~ Jk burut.

berokna Kl serba tidak kena, bersalahan.

berombong sj tumbuhan (pokok), *Adina rubescens*.

berona Kl menyusahkan atau meragam (kereta, orang, dll), buat pasal.

berondong Jk; **memberondong, memberondongkan** **1.** melepaskan tembakan dgn tidak putus-putus, menghujani dgn peluru; **2.** memukul bertubi-tubi;

berondongan berdentam-dentam, berdetus-detus (bunyi senapang dll).

berong (bérong) ark serong.

berongsang Mn; **memberongsang** meradang, marah-marah.

berongsong **1.** pembungkus buah-buahan (supaya jangan dimakan binatang); **2.** salut muncung anjing (agar tidak menggigit);

memberongsong **1.** membungkus (buah-buahan) dgn berongsong; **2.** menyalut muncung anjing dgn berongsong.

beronok I beberapa jenis teripang: ~ *landak*; ~ *pisang*.

beronok II sj penganan sagu yg bersalutkan kelapa parut.

berontak **1.** meronta-ronta (hendak melepaskan diri): *ia ~ hendak melepaskan tangannya yg dipegang oleh dua orang polis*; **2.** = **memberontak**;

memberontak **1.** melawan pihak berkuasa atau kerajaan: *orang Belanda yg bermazhab Protestan ~ melawan kekuasaan Sepanyol*; **2.** menunjukkan kemarahan atau penentangan terhadap sesuatu perkara: *sikap majikan yg tidak bertimbang rasa itu membuat Hasyim ~; ia memaparkan perasaan peribadinya dgn gaya yg memperlihatkan pergolakan jiwanya yg ingin ~;*

pemberontakan perihal atau perbuatan memberontak (penentangan terhadap kerajaan dll): *kerajaan mengenakan perintah berkurung akibat ~ itu; ~ menentang penindasan*;

pemberontak **1.** orang atau kumpulan yg memberontak, penentang kerajaan, dll: *ia bekas ~ yg telah dibebaskan*; **2.** suka melawan (menentang).

beronyeh (beronyéh) **1.** bermain di sungai; **2.** berendam hingga merah mata.

berot (bérot) herot, berkelok, meliuk.

beroti bilah kayu (utk mengapit dinding dll).

bersat **1.** tersalah masuk (bkn makanan yg masuk ke saluran pernafasan dll); **2.** tersesat, salah jalan, tersalah masuk (jalan, rumah, dsb).

bersia sj ikan laut, *Setipinna taty*.

bersih **1.** tidak kotor: *pakaiannya sentiasa ~*; **2.** bebas drpd pencemaran udara dll, tidak mengandungi unsur-unsur dsb yg boleh (dapat) merosakkan atau mengganggu kesihatan: *menyedut udara ~ di kawasan pergunungan; meminum air yg ~*; **3.** ki jujur dan ikhlas, suci, murni: *hati yg ~*; **4.** ki bebas drpd amalan yg tidak baik (spt rasuah, penyelewengan, dsb): *mewujudkan sebuah kerajaan yg ~, cekap, dan amanah*; **5.** ki bebas drpd anasir yg tidak baik (spt pengaruh, tuduhan, dsb): *~ drpd pengaruh budaya kuning; ~ drpd tuduhan menerima rasuah*; **6.** (bkn pendapatan, keuntungan, dsb) yg tinggal setelah ditolak cukai (hutang, kerugian, dsb): *keuntungan ~*;

membersihkan **1.** menjadikan sesuatu bersih (dgn cara membasuh, menyapu, dll): *~ longkang; ~ sayur-sayuran sebelum dimasak*; **2.** menjadikan bersih (drpd sifat-sifat keji, tidak baik), menyucikan: *~ diri drpd segala dosa*; **3.** ki menjadikan bersih (bebas drpd anasir yg tidak dikehendaki), membebaskan: *~ jabatan-jabatan kerajaan drpd amalan rasuah; ~ bandar itu drpd sarang kongsi gelap*; **4.** menghapuskan anggapan (tuduhan dll) yg tidak baik pd diri seseorang: *~ nama yg tercemar oleh fitnah*;

kebersihan **1.** keadaan bersih (tidak kotor): *menjaga ~ sekolah*; **2.** perihal bersih (udara, air): *~ udara yg menyihatkan badan*; **3.** perihal bersih (hati), kesucian, kemurnian: *~ hati nurani*;

pembersihan **1.** perbuatan membersihkan: ~ *kawasan yg dilanda banjir*; **2.** perbuatan membersihkan (drpd pencemaran udara dll): ~ *udara*; **3.** perbuatan membersihkan (hati), penyucian: ~ *jiwa dgn cara bertapa*; **4.** perbuatan (tindakan, gerakan, dsb) membersihkan (anasir yg tidak baik): *gerakan ~ di kawasan-kawasan yg disyaki menjadi sarang komunis*;

pembersih **1.** orang (alat) yg membersihkan sesuatu: ~ *udara*; **2.** (orang yg sifatnya) suka dan sentiasa menjaga kebersihan: *dia memang ~ orangnya*.

bersil = **membersil** terpersil, terkeluar, tersembul.

bersin = **terbersin** mengeluarkan udara dgn tiba-tiba lagi keras drpd hidung dan mulut (kerana selesema dll).

bersit = **membersit** terpersil keluar dgn tiba-tiba;

membersitkan menjadikan terpersil.

bersut masam muka, merengut;

membersut **1.** bermasam muka, memandang dgn muka marah; **2.** mendengkus (anjing, kucing, dll).

bertam I sj tumbuhan (pokok palma yg daunnya dibuat atap),
Eugeissona tristis.

bertam II sj burung, *Melanoperdix n. nigra*.

bertas = **terbertas** tanggal jahitan (baju dll);

membertaskan menanggalkan jahitan (baju dll).

bertih I padi yg digoreng (direndang) tanpa minyak dan dibuang kulitnya: *kemudian barulah dijamu puteri itu, ditabur ~ dan beras kunyit serta dipercik tepung tawar; spt ~ digoreng = spt ~ direndang bunyi senapang yg tidak berputusan*;

membertih **1.** menjadi bertih: *padi sudah mulai ~ di dlm kualiti*; **2.** berbunyi spt bertih digoreng: *tembakan yg ~ berlarut-larutan sehingga dinihari*.

bertih II; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Antigonon spp.*; *kayu*
~ sj tumbuhan (pokok renek), seringan (laut), *Dodonea viscosa*.

bertimun → **mentimun I**.

bertuh Pn berlaga, berlanggar, bersentuh.

berua Sr barua.

beruang sj mamalia buas (yg besar, berbulu tebal, dan berekor kontot)
dlm famili Ursidae; ~ *matahari*, *Helarctos malayanus*; ~ *perang*,
Ursus arctos; ~ *putih* = ~ *kutub*, *Thalarctos maritimus*; *empedu* ~
sj tumbuhan (pokok renek), embalau, lada barau, *Brucea*
amarissima (sumatrana).

beruas sj tumbuhan (pokok), manggis hutan, *Garcinia hombroniana*.

berudu larva katak atau kodok yg mempunyai badan yg bulat, panjang
ekornya, dan insang luar;
~ *besar di kubangan, buaya besar di lautan* prb tiap-tiap orang
besar di tempatnya; *kerap sang ~ hendak berenang di laut lebar,*
awak masih juga di kubangan prb tiada berdaya mencapai yg
dicita-citakan.

berujul Jw sj bajak.

beruk sj kera besar (dapat diajar memanjat kelapa dan memetik
buahnya), *Macaca nemestrina*; ~ *ekor singa*, *Macaca silenus*; ~
Jepun, *Macaca fuscata*; ~ *kentui*, *Macaca artoides*;
~ *hantar hasil* = *serah* ~ beguk, degum; *bagai ~ kena ipuh* prb
menggeliat-geliat kerana kesakitan; *berhakim kpd* ~ prb meminta
hukum kpd orang yg tamak; *bertukar ~ dgn cigak* prb menukar yg
lama dgn yg baru padahal sama juga buruknya; *mabuk kerana ~*
berayun prb asyik memerhatikan sesuatu yg tidak berguna dgn
menghabiskan masa.

berumbun Mn; **terberumbun** dlm keadaan tinggi dan besar, tersergam:
di sana sini ~ bukit dan gunung yg hijau biru warnanya.

berumbung sj tabung.

berunai sj tumbuhan (pokok), peruan hitam, *Antidesma alatum*; ~ air sj tumbuhan (pokok), bagas merah, medang kemantan, *Osmelia maingayi*.

berungut = **memberungut** merengut, bersungut-sungut;

memberunguti merengut kpd; **berengut**.

berunsai tarian tradisional suku Bajau di Sabah.

beruntus Jk bintik-bintik pd kulit.

berup tanda segi tiga kecil yg diikuti oleh angka yg menunjukkan ketinggian sesuatu tempat di dlm peta (Δ): $\Delta 698$ ialah ~ yg tingginya 698 meter.

berus I alat yg dibuat drpd bulu serabut, plastik, dsb yg dilekatkan pd kayu, plastik, dsb, digunakan utk membersihkan (menyapu, mengecat, dsb) sesuatu: *lantai itu digosok dgn ~ dawai; mewarnakan lukisan dgn ~;*

~ *gigi* berus khas utk menggosok gigi; ~ *rambut* berus khas utk merapikan rambut;

berberus 1. mempunyai (ada) berus; **2.** telah diberus;

memberus 1. membersihkan dgn berus: *sebelum mandi dia ~ giginya;* **2.** merapikan dll dgn berus: *ia memakai seelok-elok pakaian dan ~ rambutnya;*

pemberusan perbuatan memberus;

pemberus orang yg memberus.

berus II sj tumbuhan (pokok), bakau belukap, bosang, *Bruguiera cylindrica (caryophylloides)*.

berus-berus sj tumbuhan (pokok), mempulut, pulut-pulut, *Kandelia rheedei*.

berwari Mn alkisah, maka (tersebutlah...).

berzanji **1.** sj nyanyian utk memuji Nabi Muhammad SAW: *pd majlis itu, diadakan bacaan al-Quran, ~, dan qasidah*; **2.** karya prosa berirama (gurindam, puisi) bernada puji-pujian tentang riwayat hidup Nabi Muhammad SAW, ciptaan Jaafar al-Barzanji (yg sering dibaca pd Hari Maulidur Rasul).

bes (bés) **I** (Kim) sebatian yg bertindak balas dgn asid utk membentuk garam dan air;

~ *kuat* bes yg tercerai sepenuhnya menjadi ion di dlm larutan; ~ *lemah* bes yg tercerai separa menjadi ion di dlm larutan.

bes (bés) **II** **1.** (suara dan alat muzik) nada muzik rendah; **2.** penyanyi atau alat muzik yg bernada rendah.

besa (bésa) bp biasa.

besan (bésan) **1.** hubungan yg terjalin antara ibu bapa mentua dgn ibu bapa sendiri; **2.** ibu bapa kpd menantu;

~ *sebantal* besan antara dua suami isteri yg mengahwinkan anak masing-masing (anak si suami dgn anak tirinya); *ipar* ~ suami atau isteri ipar;

berbesan menjadi besan, berhubungan sbg besan: *dia tidak sudi ~ dgn saya yg miskin ini; belum beranak sudah ~ prb membahagi-bahagi keuntungan yg belum lagi di tangan*;

berbesankan menjadikan seseorang sbg besan: *saya tidak mahu ~ kamu berdua*.

besar **1.** tidak kecil (ukurannya): *bangunan parlimen ~ dan tinggi; kereta ~; bertubuh ~*; **2.** penting, berpengaruh, berkuasa (berjawatan dsb) tertinggi: *di depan sekali tempat orang-orang ~; guru ~ guru yg tertinggi (ketua guru di sesebuah sekolah); kerani ~ kerani yg tertinggi (ketua kerani); markas ~ markas tertinggi*; **3.** dewasa: *anak-anaknya sudah ~*; **4.** ukuran (lebarnya, panjangnya, tingginya, luasnya, dll): *~ badannya dua kali badan saya*; **5.**

banyak: *projek ini menelan belanja yg ~; bergaji ~*; **6.** kuat serta luas kawasan pemerintahan atau jajahannya dan dihormati oleh negeri-negeri lain: *raja yg ~ lagi adil*; **7.** mempunyai kegiatan perniagaan yg meluas dan hasil pengeluarannya tinggi (bkn syarikat, perusahaan, dsb): *sebuah syarikat yg ~ di Malaysia; perusahaan yg ~*; **8.** menelan belanja yg banyak dan ramai bilangan jemputannya (bkn kenduri, majlis, sambutan, dsb): *kenduri ~*; **9.** amat penting (bkn hajat, niat, tugas): *mereka datang membawa hajat yg ~*; **10.** sukar diatasi: *masalah ~ yg memeningkan kepala*;

~ *akal* sl banyak akal, pandai; ~ *cakap* banyak berbicara, sombong, angkuh; ~ *empat di balai* keempat-empat pembesar di Perak dan Minangkabau; ~ *hati* a) bangga, gembira; b) bongkak, sombong; ~ *kepala* a) keras kepala, bengal; b) bongkak, sombong; ~ *mulut* banyak cakap, sombong; ~ *panjang* dewasa; ~ *perut* a) gelojoh, pelahap; b) hamil;

~ *kayu* ~ *bahannya* = ~ *periuk* ~ *keraknya* prb banyak penghasilan banyak pula belanjanya; ~ *pasak drpd tiang* prb lebih besar belanja drpd pendapatan;

berbesar; ~ *hati* berasa besar hati, berasa bangga (gembira);

berbesar-besar menjadi-jadi, makin bertambah;

membesar **1.** nampak besar: *tiba-tiba saya terhenti, di dlm gelap itu suatu lembaga ~ di depan saya*; **2.** menjadi besar: *tiap-tiap sel itu mengalami semua proses hidup spt makan, bernafas, dan ~*; **3.** berlagak spt orang besar, meyombong, bongkak;

membesarkan **1.** menjadikan besar, menyebabkan menjadi besar: *lubang ini dapat dibesarkan dan dkecilkan*; **2.** memelihara (mengasuh) hingga menjadi besar (anak dll): *ayahku dibesarkan di Melaka*; **3.** menganggap tinggi (penting dll); **4.** meluaskan: ~

tanah jajahan; ~ jurang perbezaan antara miskin dan kaya; 5. menambah bilangan ahli (anggota dlm sesuatu pertubuhan, badan, pasukan, dsb): ~ pasukan tentera; 6. memandang tinggi (mulia) terhadap seseorang, memuliakan: ~ Nabi Muhammad SAW;

~ api menambah besar nyala api; ~ diri bercakap membanggakan diri, meninggikan diri; ~ hati menggalakkan hati, menggembirakan hati, membanggakan; ~ lampu menambah besar nyala lampu; ~ mata membelalakkan mata, membuka mata besar-besar; ~ modal menambah modal; ~ semangat memberanikan;

membesar-besarkan menambah atau melebih-lebihkan sesuatu (spt kejayaan, kesusahan, cerita, dsb) drpd keadaan yg sebenarnya: *ia ~ kekayaannya; ~ kesalahan orang; ~ perkara yg kecil;*

memperbesar menjadikan lebih besar, membesarkan lagi: *rumah itu sudah besar, janganlah diperbesar lagi;*

terbesar 1. yg sangat (amat) besar, yg besar sekali; **2.** tanpa disedari atau tidak sengaja dibuat lebih besar drpd yg dikehendaki atau yg sepatutnya: *dia memotong baju itu ~ sedikit;*

besar-besaran = *secara* ~ **1.** dgn cara (upacara dsb) yg besar (bkn sambutan, majlis perkahwinan, dsb): *perkahwinan diraja itu disambut secara ~;* **2.** dlm bilangan yg banyak: *kemasukan orang asing secara ~;* *menternak ayam secara ~;* **3.** banyak dan luas pasarannya: *berniaga secara ~;* **4.** meluas dan bersungguh-sungguh (bkn kempen, gerakan, dsb): *kempen antidenggi dijalankan secara ~;*

berbesaran, berbesar-besaran secara besar-besaran;

kebesaran 1. perihal (sifat dll) besar, kemuliaan, kehormatan: *surat itu dijemput Raja Pasai dgn sempurna ~ dan sempurna kemuliaan; pakaian ~ pakaian yg dipakai ketika istiadat besar-besar; payung ~ payung istiadat raja-raja; 2. Jk terlalu besar;*

pembesaran **1.** perbuatan membesarkan (sesuatu): ~ *tempat letak kereta*; **2.** perbuatan membesarkan (bilangan): ~ *pasukan Bulan Sabit Merah*; **3.** perihal (proses) menjadi besar, proses membesar: ~ *bahagian akar pokok*;

pembesar **1.** orang yg berpangkat tinggi: *baginda bertitah di hadapan ~ dan rakyat sekalian*; **2.** Id ketua daerah (pejabat dll); **3.** alat utk membesarkan sesuatu; ~ *suara* alat penguat suara.

besaran Jw sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat ubat atau utk makanan ulat sutera), *Morus alba*; **bebesaran.**

besbol (bésbol) sj permainan di atas padang yg mempunyai empat tapak yg diatur dlm bentuk daiman, yg dimainkan dgn bet dan bola di antara dua pasukan yg terdiri drpd sembilan pemain setiap satunya.

besek (bésék) Jw sj bakul yg berbentuk segi empat dan bertutup.

besel Jw wang tumbuk rusuk.

besen (bésén) sj mangkuk besar (drpd logam dll) tempat membasuh pinggan mangkuk dll.

besengek (beséngék) Jw sj masakan daging ayam.

beser (bésér); ~ *mani* Id penyakit yg menyebabkan selalu keluar air mani;

membeser kerap membuang air kecil: *anak kecil itu ~ saja.*

beset (besét) Jk terkelupas (kulit);

membeset menguliti, mengelupas kulit.

besi **1.** logam berwarna putih perak (bersifat magnet, mulur, tertempakan, berat, mudah berkarat) yg terdapat dlm batu igneus; **2.** perkakas (alat) yg dibuat drpd besi; ~ *angkor* alat (besi) pemutar (utk menghidupkan enjin); ~ *baja* besi yg sangat keras, keluli; ~ *batang (lantak)* besi yg berbatang-batang; ~ *berani* = ~ *semberani* besi yg mempunyai tenaga utk

menarik besi lain (mengandung kuasa elektrik); ~ *dabus* alat tajam drpd besi yg digunakan dlm permainan dabus; ~ *kawi* besi yg mengandung kekuatan (kesaktian); ~ *kurasani* = ~ *kersani* besi yg baik (dr Khorasan di Parsi); ~ *lantai* (*pepat, plat, lempeng*) besi yg berkeping-keping; ~ *lemah* besi yg lembut; ~ *melela* besi hitam (yg tidak berkurai); ~ *merah* besi yg dibakar dan merah spt bara; ~ *pamor* sj baja putih yg ditempa pd keris dll (yg menimbulkan kurai); ~ *putih* timah; ~ *tanah* besi yg kurang baik; ~ *tempa* = ~ *tempaan* = ~ *tempawan* besi yg ditempa; ~ *tua* senjata tajam (keris dll) yg telah usang; ~ *tuang* = ~ *tuangan* = ~ *cor* = ~ *cetak* besi yg dituang (dicetak); *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok yg kayunya berat dan keras);

~ *baik tiada berkarat* (*budi baik tidak dilupakan*) prb perbuatan yg baik itu tetap terpuji selamanya; *asal* ~ *pengapak kayu, asal emas menjadi penduduk* prb asal atau darjat seseorang ditentukan pd tingkah lakunya; *dahulu parang, sekarang* ~ prb dahulu sayang, sekarang benci; *memegang* ~ *panas* prb berbuat suatu pekerjaan yg tidak tetap (dgn kluatir dan ketakutan); *sedencing bagai* ~, *seciap bagai ayam* prb mengerjakan sesuatu bersama-sama (baik ringan mahupun berat);

membesi spt besi (sangat keras).

besikan sj ikan laut, kaci, *Plectorhyncus lineatus*.

besikur sj ikan laut, kaci, mandi abu, tebal bibir, *Plectorhyncus pictus*.

besin sj ikan laut, *Engraulis spp.*

besing desing, lesing.

besit; membesit memukul dgn lidi, rotan, tali pinggang, dll (yg panjang dan mudah lentur);

pembesit orang yg membesit.

besi tiga perkakas muzik drpd logam yg merupakan segi tiga, kerincing.

beskat, beskap ark = *baju* ~ sj baju kot pendek.

beslah IB; **membeslah** **1.** merampas, menyita: *segala harta benda kaum pemberontak telah dibeslah*; **2.** ki memperoleh (mengambil, membeli, dll);

pembeslahan perihal atau perbuatan membeslah.

beslit, besluit IB surat tauliah, sebagaimana surat keputusan (pengangkatan dll).

besok (bésok) bp **1.** esok hari, hari selepas hari ini: *lebih baik ~, pukul 10.00 saya jemput dia*; ~ pagi esok pagi-pagi hari; ~ petang esok petang-petang hari; **2.** = ~ *lusa* pd masa yg akan datang, kelak: *apabila sudah ada wang ~, bolehlah dibayar sewanya.*

besot Jk terkelupas kulit, beset.

bestari **1.** cerdas, pandai, berpendidikan, berpengetahuan, berbudi pekerti yg baik; *muda* ~ muda dan baik budi pekertinya (berpengetahuan dll); **2.** beroperasi dgn berbantuan komputer, teknologi maklumat dsb (bkn sistem, sekolah dsb): *sekolah ~*;

membestarikan menyebabkan atau menjadikan bestari: *pelbagai langkah sudah diambil utk mencapai sasaran itu termasuk ~ sistem yg berkaitan dgn pengurusan*;

kebestarian perihal memiliki ciri-ciri bestari (spt berpendidikan tinggi, baik budi pekerti, dan luas pengetahuan): ~ *sesuatu bangsa yg tidak pernah dikalahkan oleh bangsa lain*;

pembestarian perihal (proses, perbuatan dsb) membestarikan: ~ *konsep persekolahan itu amat penting kerana perkembangan pesat dlm sains dan teknologi.*

bestel (bestél) IB **1.** = **membestel** memesan (barang dll utk dibeli); **2.** pengiriman barang-barang (di stesen);

bestelan pesanan, barang kiriman.

besteler (bestéler) IB orang yg menghantar surat, posmen.

bestir IB, bp pimpinan (kesatuan dll).

besusu sj tumbuhan (pokok memanjat, umbinya boleh dimakan),
Pachyrrhizus erosus.

besut I; membesut membersihkan logam drpd kotoran.

besut II; membesut menyembur (air, darah, dll);

membesutkan menyemburkan (air, darah, dll);

pembesutan perbuatan menyemburkan (air, darah, dll).

besuta sl sj kain sutera halus.

bet (bét) alat drpd kayu dll utk memukul bola dlm permainan (spt pingpong, kriket, besbol, dll).

beta (béta) **I** kata ganti diri pertama utk raja; *sahabat* ~ sahabat hamba, tuan hamba;

berbeta menggunakan beta (kalau bercakap dll).

beta (béta) **II** huruf kedua dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol B, β.

betagur; ~ *batu* sj tumbuhan (pokok), bentangur (mentangur) batu, pelawan paya, tangkut, *Caliphyllum canum*.

betah 1. tahan (menderita dll), tabah: *dia tidak ~ lagi tinggal bersama mentuanya*; **2.** sudah sesuai (tinggal di tempat baru dll): *sesudah setahun, baru ~ saya tinggal di sini*; **3.** sl sembuh: *luka sudah ~ tetapi parutnya tinggal jua*;

membetahkan menjadikan tahan (tabah dll).

betahak Jk belahak, bersendawa.

betak-betak I sj penyakit kulit.

betak-betak II cobak-cabik, sobek-sobek.

betapa 1. peri, alangkah: *sekarang dia menyadari ~ mustahaknya papan tanda tersebut*; ~ *senangnya hati anak negeri*; **2.** sesuai dgn, seperti: *maka nenek kebayan pun bersiaplah ~ adat kahwin anak raja besar-besar*; **3.** bagaimana, dgn cara apa: ~ *halnya kita hendak membawa dia ke rumah sakit sedangkan kita tidak*

mempunyai kendaraan; 4. meskipun: ~ dicarinya, tidak juga ditemukan.

betara 1. sl dewa: *dewa-dewa dan ~*; **2.** gelaran utk dewa atau raja: ~ *Bisnu; ~ Majapahit.*

betari I sl gelaran utk dewi.

betari II sj tumbuhan bak padi, *Sorghum spp.*

betas bertas (jahitan dll), sobek (kain dll), retak (pecah);

membetas bertas (jahitan dll), memecahkan (kulit yg keras dsb).

betat Kl, Tr lambat.

betek (bétek) sj ikan laut, *Caranx armatus.*

betemak sj burung hutan, pungguk, *Ninox scutulata malaccensis.*

betet (bétét) Jw sj burung bayan.

beti; ~ air = beti-beti sj tumbuhan (pokok renek), *Flueggia virosa.*

beti (béti) = *tanda ~ bukti* yg dapat dilihat (bkn kesalahan dll);

terbeti terbukti, ada bekasnya: *sah kata adat, apabila tertanda ~.*

beti-beti (béti-béti) hamba raja yg terdiri drpd kaum perempuan.

betik I sj tumbuhan tropika (pokok dgn buahnya), yg isi buahnya berwarna kuning atau jingga dan sedap dimakan, papaya; ~ *belulang = ~ bubur = ~ rambai* sj betik, *Carica spp.*

betik II Mn; **terbetik** tersiar (berita dll): *pernah juga ~ berita bahawa dia telah mati dibunuh.*

betik III bintik;

berbetik-betik berbintik-bintik.

betika semangka, tembikai.

betina 1. binatang yg melahirkan anak atau mengeluarkan telur: *kuda ~; ayam ~*; **2.** bahagian tumbuh-tumbuhan yg memutikkan buah; **3.** bp panggilan kesat kpd wanita yg kelakuannya menyimpang drpd norma masyarakat: “*memang kau ~ pisau cukur*”; **4.** lwn jantan: *embun ~; kasau ~; ketam ~; kokmot ~; baik jadi ayam ~ supaya*

selamat prb tidak usah kita menunjukkan keberanian kita kerana kelak mendatangkan mudarat;

kebetinaan perihal (sifat) betina.

beting timbunan pasir yg besar dan panjang di muara (di laut dll): ~ *ini menjadi halangan kpd pelayaran di sungai*;

berbeting mempunyai beting: *muara sungai itu ~*;

membeting merupakan beting;

terbeting terdampar di beting.

betis I bahagian berisi di belakang kaki di bawah lutut (antara lutut dan buku lali); *buah ~ = jantung ~ = perut ~ daging di belakang tulang kering, anjing-anjing; tulang ~ tulang kering (antara lutut dan kaki)*;

diberi ~, hendak paha prb diberi sedikit, hendak banyak;

membetis berjalan kaki: *setiap hari dia ~ ke sekolah*.

betis II sj tumbuhan (pokok), belian, *Palaquium spp.*

beton IB konkrit (dinding dll); ~ *bertulang* beton yg dikuatkan dgn besi di dalamnya.

betot Jk; **membetot** mencabut (dgn paksa), menarik.

betuk I sj ikan darat, puyu, *Anabas scandens*.

betuk II hangus oleh api.

betul 1. benar, tidak salah: *barangkali ~ kata engkau itu*; **2.** tepat, langsung: *buah itu jatuh ~ di atas kepala saya; pukul satu ~*; **3.** sungguh, sangat: *dia sudah gila ~; ~lah budak ini*; **4.** sejati, tulen: *dua lagi orang Melayu ~ menjadi broker; bongkok baru ~, (buta baru celik)* prb angkuh atau sombong kerana beroleh kekayaan atau pangkat;

sebetulnya sebenarnya, sesungguhnya, nyata: *itu ~ begitu*;

betul-betul 1. benar-benar, sungguh-sungguh: *demokrasi ~ diamalkan di sini*; **2.** sudah sempurna, cukup, benar-benar:

biarkan air itu mendidih dan ~ masak; gaulkan ramuan itu sehingga ~ sehati; **3.** tepat benar: dia berdiri ~ di hadapan saya; **4.** dgn baik dan sempurna, elok-elok: sikat rambutmu ~ supaya kelihatan kemas;

berbetul ark **1.** memperbaiki, merapikan (pakaian, sanggul, dll): Tun Tuah pun tersangkut pd tirai paseban itu, lalu ~; **2.** sesuai, cocok: beta hendak pertaruhkan diri beta yg dagang ini kpd anak raja itu, tetapi jikalau sudah ~ pd fikiran nenek;

berbetulan bertepatan (dgn), selaras (dgn), sesuai (dgn): letakkan mata gergaji itu ~ dgn tebal kayu yg hendak dibelah;

membetuli **1.** menuju, mengarahkan, mengenai sasaran: Panji Semirang pun segeralah mengambil anak panahnya, dikenakan pd ibunya, lalu dibetuli dan dilepaskan; **2.** memperbaiki: sambil bangun ia ~ kain sarungnya;

membetulan **1.** memperbaiki (kerusakan, kesalahan, dll): ia ~ duduknya; ~ ejaan yg salah; ~ jam tangannya; **2.** membenarkan, menganggap betul: pembunuh itu ~ segala tuduhan;

kebetulan **1.** dgn tidak sengaja, dgn tidak disangka-sangka: cerita ini berdasarkan pengembaraan dan peristiwa-peristiwa ~; **2.** keadaan (kejadian) yg terjadi secara tidak diduga: ini satu ~ saja; **3.** tepat atau kena benar (dgn tidak sengaja), pd ketika yg sama (dgn): saya ~ ada di sana ketika ia mengucapkan kata-kata itu;

berkebetulan bersamaan masanya (halnya dll): Louis Braille ~ buta sewaktu ia berumur tiga tahun;

pembetulan perihal (perbuatan, kerja, dsb) membetulkan: ~ kesalahan itu boleh dibuat nanti.

betung I **1.** besar: buluh ~; katak ~; **2.** = buluh ~ sj buluh yg besar, *Dendrocalamus asper*;

rumput ~ sj tumbuhan (rumput bergetah), rumput getah (jernang, tawar, udang), *Daemonorhops didymophyllus*; *tebu* ~ sj tebu besar;

~ *ditanam aur tumbuh* prb diharapkan yg baik, kiranya dapat yg buruk; ~ *bulat tak bersegi, pipit jantan tak bersarang* prb orang (anak bujang atau orang dagang) yg bebas dan tidak ada ikatan apa-apa; *bagai membelah* ~ = *memijakkan* ~ *sebelah* prb tidak adil atau berat sebelah (bkn pendirian dll); *bereda (berteduh) di bawah* ~ prb pertolongan yg tidak memadai;

membetung membuat atau membubuh paip utk saluran air (najis dll);

pembetungan **1.** kerja-kerja membetung; **2.** sistem penyaliran najis, air kumbahan dsb ke loji pemrosesannya melalui rangkaian longkang atau saluran bawah tanah: *Kerajaan Pusat memutuskan utk menswastakan perkhidmatan sistem ~ di seluruh negara*;

pembetung **1.** sesuatu yg berbentuk panjang, bulat dan berongga di dalamnya spt buluh utk menyalurkan air dsb: *bulat air kerana ~, bulat kata kerana muafakat*; **2.** saluran atau parit drpd konkrit dll bawah tanah yg merentasi jalan raya atau landasan kereta api: *masalah kekurangan ~ dikenal pasti sbg punca banjir di landasan kereta api itu setiap kali hujan lebat*; **3.** saluran paip bawah tanah utk menyalirkan najis, kumbahan dsb ke loji pemrosesan dsb: *mereka perlu menanggung kos membaiki ~ najis yg tersumbat itu.*

betung II; *katak* ~ sj katak yg kuat bunyinya; *bagaimana hari takkan hujan, katak ~ dlm telaga berteriak selalu* prb selalu pergi ke rumah orang dgn tidak berhad tentu mempunyai maksud yg tersembunyi.

betung III sj ikan laut, songsong laut, selar papan, selar malam, *Alepes melanoptera*.

betutu I sj ikan darat, *Barbichthys laeris*.

betutu II sj tumbuhan (pokok), *Eurya japonica*.

betutu III daging ayam yg telah diambil tulangnya (tetapi masih utuh).

bewok (béwok) Jk jambang, bauk; → **berewok**.

beza (béza) **1.** = **perbezaan** keadaan atau sifat yg tidak sama antara satu drpd yg lain, kelainan, ketidaksamaan: *banyak sekali ~ antara kedua-dua orang tua itu*; **2.** selisih (pd ukuran dll): *satu ela dgn satu meter tidak jauh ~nya*; ~ *keupayaan* (Fiz) kerja melawan daya elektrik yg dilakukan utk menggerakkan satu unit cas dr satu titik ke titik yg lain;

berbeza berlainan: *pemerintahan mengikut kaedah persekutuan itu ~ drpd pemerintahan mengikut kaedah persatuan*;

berbeza-beza, **berbezaan** berlain-lain, berlainan: *adat itu mempunyai tafsiran yg ~ antara ahli-ahli penganutnya*;

membeza mengkhhusus dr segi bentuk, ciri atau fungsi (bkn sel);

membezakan 1. menunjukkan atau menyatakan apa yg berbeza antara beberapa perkara: *tahu ~ yg buruk drpd yg baik*; **2.** mengesan perbezaan yg terdapat antara dua atau beberapa perkara, mengenali: *pd waktu malam, dia tidak dapat ~ warna hijau dgn warna biru*; *tidak dapat ~ yg mana karya asli dan yg mana karya tiruan*; **3.** = **membeza-bezakan** memberi layanan yg tidak sama antara satu sama yg lain: *dia tidak pernah ~ kasih sayangnya terhadap anak-anaknya*;

memperbezakan menjadikan dua unsur (benda, perkara) berbeza antara satu sama lain;

perbezaan 1. beza, kelainan, ketidaksamaan: *ada ~ antara negeri-negeri Melayu yg ber sekutu dgn negeri-negeri yg tidak bersekutu*; **2.** selisih; ~ *upah* selisih bayaran antara seorang (segolongan) buruh dgn buruh (golongan) lain;

pembezaan 1. perihal (perbuatan dsb) membezakan: ~ *gaji laki-laki dan perempuan; pemerhati politik biasanya membuat ~ antara kuasa gergasi dan kuasa kecil; 2.* (Bio) perkembangan sel bukan khusus (spt sel embrio haiwan) menjadi sel khusus (spt sel pd organ tertentu);

pembeza (orang, benda) yg membezakan.

bezantara julat.

bgn. kep bangunan.

Bhd. kep Berhad: *Bank Bumiputra Malaysia ~.*

bhg. kep bahagian.

bhs. kep bahasa.

bi singkatan bagi bibi.

Bi simbol kimia bagi bismut.

B.I. 1. kep Bahasa Indonesia; **2.** kep Bank Indonesia.

biadab 1. tidak ada budi bahasa, tidak beradab: *anaknyanya bersikap kurang ajar dan ~; 2.* tidak bertamadun, belum maju: *masih ada lagi bangsa yg ~ pd masa ini;*

kebiadaban perihal (kelakuan dsb) biadab.

biadat tidak bersifat kemasyarakatan (tidak suka bergaul dgn orang).

biadi Mn sj cacing dlm perut, *Oxyris vermicularis.*

biah I Ar tempat sembahyang orang Yahudi.

biah II Ar persekitaran: ~ *mereka itu besar sekali pengaruhnya terhadap sikap; ~ solehah.*

biak I menjadi banyak (binatang, tumbuh-tumbuhan dsb), peridi: *mereka mempunyai ternak yg ~;*

(ber)kembang ~ menjadi banyak (binatang, tumbuh-tumbuhan, dsb); *memamah* ~ memamah makanan utk kedua kalinya (lembu dsb);

membiak, berbiak = ~ *kembang* menjadi semakin banyak (binatang, tumbuh-tumbuhan, dsb), berkembang biak: *ayam jenis itu ~ dgn cepat;*

membiarkan membuat supaya menjadi biak: *dia bermaksud hendak ~ ayam itu dlm reban ini; air yg bertakung akan ~ nyamuk;*

biakan benda (ternak dll) yg dibiakkan;

pembiakan perihal atau perbuatan membiak(kan): *pd masa ini dia bertugas dlm rancangan ~ benih padi terpilih di Kedah;*

pembiak benda (ternak dll) yg membiakkan, hasil drpd membiakkan ternak dll.

biak II sj tumbuhan, ketum, *Mitragyna speciosa*.

biak III Mn basah;

membiasi membasahi.

biak baka; pembiakbakaan (Bio) pengacukan haiwan atau tumbuhan utk tujuan tertentu (biasanya utk menghasilkan baka yg lebih baik);

~ *dalam* penghasilan anak dgn mengacukkan individu-individu yg mempunyai hubungan keluarga yg rapat; ~ *luar* pengacukan haiwan atau tumbuhan dgn mengacukkan individu-individu yg tidak mempunyai hubungan keluarga yg rapat.

biang I 1. induk (binatang, tumbuh-tumbuhan, dsb); *ayam* ~ induk ayam; ~ *jari* = ~ *tangan* ibu jari; ~ *lebah* induk lebah; **2.** Jk jenis yg murni (asli); ~ *ayam* ayam jenis yg asli (bukan campuran); **3.** pati, sari; ~ *cuka* pati drpd cuka; ~ *roti* ragi utk membuat roti; **4.** pokok pangkal, asal mula: *berjudi adalah ~ segala kejahatan;* ~ *keladi* a) umbi keladi; b) orang (hal dll) yg menjadi punca kejahatan.

biang II gatal (perempuan dll), gasang: *pemuda lawa yg ~ itu.*

biang III Mn hampir tembus; ~~~ *kain* ki lupa-lupa ingat; ~ *menanti tembus* prb perkara yg hampir putus (perceraian dll).

biang IV; ~-*biut* bergeliang-geliut, berkelok-kelok.

biang-biang sj ikan laut, kasai janggut, *Setipinna taty*.

bianglala Jk pelangi, benang raja.

biaperi sl saudagar, pedagang.

biar 1. agar, supaya: *berilah aku wang, ~ aku beli baju itu*; **2.** lebih baik (drpd): ~ *mati drpd menanggung malu*; **3.** = ~lah tidak mengapa, tidak jadi apa, tidak ada halangan: ~ *mati anak, jangan mati adat*; ~ *mati (dll) ~ hidup (dll)* baik *mati (dll) mahupun hidup (dll)*: ~ *besar, ~ kecil asal ada*; ~ *begitu* walau *begitu*;

biarnya biarpun;

biarpun meskipun;

membiarkan 1. mengabaikan, tidak mempedulikan: *air matanya yg mengalir itu dibiarkannya saja*; **2.** merelakan, mengizinkan, tidak melarang: *dia tidak ~ dirinya diperlakukan begitu*;

terbiar 1. terabai, terbengkalai, terlantar: *sungguh kasihan, adinda, akan bapa yg menderita dan anak yg ~*; **2.** ditinggalkan (didiamkan) begitu saja, tidak terganggu: *suasana itu ~ begitu saja*;

keterbiaran keadaan terbiar: *sekiranya berlaku kebuntuan atau ~*;

kebiaran terbiar: *pd zaman penjajahan, kesusasteraan Melayu tidak dihargai, penghasilan sastera, dlm hal ini cerita pendek, adalah sesuai dgn keadaan ~ itu; lima enam helai kertas yg ~*.

biara tempat pertapa tinggal sbg satu komuniti atas ikrar keagamaan.

biarawan ark pertapa lelaki yg tinggal dlm biara.

biarawati ark pertapa perempuan yg tinggal dlm biara.

biar-biar sj cacing kecil (dlm perut), *Filaria loa*; ~ *naik ke mata* prb jangan dilalaikan sesuatu yg akan mendatangkan bahaya kpd diri sendiri.

bias = **membias** membelok dr arah asal (hujan dihembus angin, perahu ditempuh badai, sinar cahaya dlm air, dll): *dgn takdir Allah Taala, angin besar pun turun, maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun ~ ke Brunei*;

membias membelokkan arah, menyebabkan arah membelok dr asal;

terbias terbelok dr arah asal: *gelombang haba ~ dan berbalik spt gelombang cahaya*;

biasan 1. penyimpangan dr arah asal (spt hujan dihembus angin, sinar cahaya dlm air, dll): *apabila cahaya itu melintas drpd satu perantaraan yg hening kpd yg lain dinamakan ~*; 2. bayangan perasaan: *~ wajah ceria anak-anak itu jelas menggambarkan rasa riang di hati kecil mereka*;

pembiasan perihal (proses atau perbuatan) membias atau membiaskan.

biasa 1. spt sediakala, seperti yg sudah-sudah: *keadaan huru-hara di negeri itu pulih spt ~*; *kelakuannya tidak spt ~ pd hari itu*; 2. kerap kali atau selalu terjadi, lazim: *kekalahan merupakan perkara ~ dlm pertandingan*; *spt ~, dia membaca akhbar sebelum makan pagi*; 3. tidak asing lagi kerana sudah kerap kali bergaul (bersama dsb): *dia tidak kekok lagi bergaul dgn orang-orang kenamaan kerana sudah ~*; 4. tidak istimewa drpd yg lain: *corak batik itu ~ sahaja*; 5. seperti yg selalu dan sepatutnya berlaku atau wujud (bkn sesuatu keadaan dsb): *suhu ~ badan manusia*; 6. sudah ada mengalami (melakukan, melihat, menikmati, dsb), pernah: *saya ~ tidur di masjid*; *luar ~ berlainan drpd biasa*; *alah bisa tegal*

(*kerana, oleh*) ~ prb segala kesukaran dsb tidak lagi terasa sesudah biasa (mengalami, melakukan, dsb sesuatu);

biasanya spt yg selalu dilakukan atau yg sudah teradat, selalunya: *kursus itu ~ dijalankan selama dua minggu;*

membiasakan **1.** menjadikan umum (lazim, teradat, dll): *pepatah ini ialah mengenai perkara yg telah teradat atau peraturan yg sudah dibiasakan;* **2.** menjadikan biasa (utk mengerjakan sesuatu), melatih supaya biasa: *Basir berdiri sebentar utk ~ pemandangannya di dlm dewan yg kelam itu; ~ diri bergaul dgn orang atasan;* **3.** menjadikan biasa (dgn keadaan cuaca, suasana, dsb), menyesuaikan: *dia tidak dapat ~ dirinya dgn cuaca yg terlalu panas di Mekah;*

terbiasa telah menjadi biasa (umum, lazim, dll): *di negerinya, bermadu itu sudah lazim ~, tersimpul dlm adat;*

keterbiasaan perihal (keadaan) terbiasa;

kebiasaan hal yg biasa dilakukan: *adat ~; sudah menjadi ~ bagi tuan rumah itu utk datang tepat pd awal bulan; ~nya adatnya, biasanya;*

pembiasaan perbuatan atau hal membiasakan, pelaziman.

biasiswa wang yg diberikan kpd pelajar utk membiayai atau membantu membiayai pelajarannya (biasanya di maktab atau di universiti);

berbiasiswa mempunyai biasiswa.

biat sl kawasan, tempat: *sekali persetua baginda berjalan hendak melihat matahari terbit, maka baginda sampai pd suatu ~.*

biawak sj binatang yg menyerupai buaya (tetapi lebih kecil); jenis-jenisnya: ~ *air* = ~ *riang-riang* sj biawak yg besar, geriang, keriang, *Varanus salvator*; ~ *bunga* = ~ *puru*, *Varanus nebulosus*; ~ *kudung* sj biawak pohon, jiwaung, jawang, *Varanus dumerili*; ~

serunai sj biawak yg bahagian kepalanya panjang menjulur,
Varanus rudicollis;

~ *kudung masuk kampung* prb tersesat ke kampung musuh atau pencuri yg dikenali oleh orang ramai; *bila pula ~ duduk* prb hal sesuatu yg mustahil; *mendukung ~ hidup* prb melakukan sesuatu yg menyusahkan diri sendiri;

membawak berjalan dll spt biawak, menggelincir: *maka diseru oleh Naina Ishak, katanya, "Hai Hang Hamzah, mengapa maka tuan hamba lari ~?"*

biawas = *jambu* ~ sj tumbuhan (pokok), jambu biji, *Psidium guajava*.

biaya **1.** belanja, ongkos (utk sesuatu): *selain gaji itu, mereka juga mendapat ~ jamu-menjamu dan faedah-faedah lain*; **2.** bantuan kewangan drpd kerajaan utk menutup sebahagian drpd perbelanjaan sesuatu pertubuhan dll;

membayai membelanjai, mengongkosi: *diperlukan modal dlm negeri utk ~ perusahaan*;

membayakan membelanjakan, mengongkoskan: *maka apabila tiadalah dibiayakan mereka itu segala nikmat itu, maka dipindahkan Allah Taala segala nikmat itu drpd mereka itu*;

biayaan (yg) dibiayai oleh: *institusi ~ persatuan agama Islam semakin berkembang*;

pembiayaan perihal (perbuatan) membiayakan atau membiayai: *~ gerakan keamanan akan merumitkan kewangan negara*;

pembiaya orang atau pihak yg membiayai: *di belakang kumpulan samseng ini pastilah orang-orang yg bertindak sbg pelindung, penaung, dan ~nya*.

bibi **1.** Id panggilan kpd orang perempuan yg agak tua, mak cik; **2.** sl panggilan kpd orang yg sudah bersuami, nyonya.

bibinda bibi (lebih hormat).

bibir 1. salah satu drpd dua bahagian luar pinggir mulut; **2.** tepi (cawan, mangkuk, dll): ~ *belanga*; ~ *cawan*; ~ *sumur* ; ~ *hutan*; ~ *jalan*; ~ *mata*; ~ *tabir*; ~ *telaga*; **3.** ki mulut, cakap (kata-kata dll): *janji-janjinya hanya di ~ saja*; ~ *manis* cakap manis; *berat ~ = tebal ~* (tidak suka berkata-kata, pendiam), berat mulut; *di ~ mata* a) di tepi mata; b) di depan mata (dekat sekali); *di ~ sahaja* di mulut sahaja; *panjang ~* suka bercakap-cakap (tentang keburukan orang dll);

~ *saya bukan diretak panas* prb kata-kata saya bukan sia-sia atau dusta (benar sbg yg diramalkan); *apa payahnya menawakkan (menaupkan) ~ atas bawah* prb banyak janji, tetapi tidak ditepati; *jadi buah ~* prb tidak lepas drpd sebutan orang; *menghapus ~* prb a) orang yg sangat kecewa kerana tidak mendapat keuntungan yg diharapkannya (sebab terlalai); b) sampai ke perjamuan pd masa selesai; *panjang ~ orang memperkatakan si polan* prb tidak berhenti orang mempercakapkan si polan yg tidak baik;

berbibir mempunyai bibir: ~ *tebal*.

bibit I 1. sesuatu utk disemai atau ditanam supaya menjadi tumbuh-tumbuhan, sesuatu yg akan membesar menjadi hidupan, benih (tanam-tanaman, ternakan): *kacang itu sempat membiak ~ dlm masa beberapa bulan sahaja*; *padi ~* padi utk dijadikan benih; **2.** sesuatu yg akan menyebabkan terjadinya atau timbulnya sesuatu, tanda-tanda permulaan sesuatu: *kemiskinan dan kesengsaraan menjadi tanah semaian yg subur utk iblis dan syaitan menanamkan ~ kekufuran pd manusia*; *pergaulan mereka akhirnya menumbuhkan ~ kasih sayang yg tiada taranya*;

membibitkan menyebabkan timbul bibit (kasih sayang, cinta, dsb), menimbulkan, menerbitkan: *pertemuan itu telah ~ kemesraan antara mereka berdua*.

bibit II; membibit memegang (menjinjing) dgn jari: *barang itu harus dibungkus dan diikat dgn sempurna supaya senang dibibit dan dibawa pulang;*

pembibit orang yg membibit sesuatu, pembimbit; → **bimbit**.

bibliofil orang yg suka mengumpul atau meminati buku, pencinta buku.

bibliografi 1. senarai terbitan (buku dll) tentang sesuatu subjek atau drpd seseorang pengarang : ~ *manuskrip Melayu Lama*; **2.** senarai buku, makalah, dll yg digunakan atau dirujuk dlm menghasilkan sesebuah karya.

bic sj pokok besar drpd genus *Fagus* yg mempunyai daun berkilat dan kulit kayunya licin berwarna kelabu: *kayu* ~.

bicana → **bijana**.

bicara 1. pendapat: *benar sekali spt kata tuan hamba itu, barang ~ pun marilah kita undur dahulu menantikan kapitan kita*; **2.** fikiran, muslihat, akal budi: *lain tidak ~nya, hendak mencari kesalahan akan Sang Si Tuah juga kerjanya*; **3.** mesyuarat: *setelah masing-masing putus ~ itu, maka masing-masing pun undurlah menuju pulau*; **4.** (ber)cakap, (ber)kata: *Maskam tidak banyak ~*; **5.** perkara di mahkamah: *dia meminta nasihat bagaimana akan meminta ulang ~*;

berbicara 1. bercakap: *dia membiarkan sahaja suaminya itu ~*; **2.** bermesyuarat: *keputusan itu dicapai selepas mereka ~*; **3.** mengemukakan pendapat (fikiran dll): *~ tentang syair Melayu, Dr. C. Hooykaas mengatakan bahawa rupa sajak ini ketara asli*;

membicarakan 1. mempercakapkan, memperkatakan, membincangkan: *akan terbit pula sebuah buku yg ~ novel-novel sebelum perang*; **2.** mengadili sesuatu perkara di mahkamah: *perkara itu harus diadakan kpd polis dan dibicarakan di mahkamah*;

perbicaraan pengadilan sesuatu perkara di mahkamah: *bintang filem itu meminta mahkamah menangguhkan ~ kerana seorang saksinya tidak dapat hadir;*

pembicaraan **1.** percakapan, perbincangan: *~ mereka beralih kpd perkara lain;* **2.** Id pengadilan perkara di muka hakim;

pembicara **1.** orang yg berbicara (berceramah dll); **2.** ark pengacara, penasihat.

bicarawara rancangan televisyen atau radio yg mengandungi temu bual antara hos dgn tetamu undangan berkaitan dgn tajuk tertentu, rancangan temu bual.

bicokok Jk **1.** sj buaya kecil; **2.** bp pengikut penjahat, penjahat, penipu.

bicu alat utk mengangkat barang yg berat.

bicut Kl berparut-parut (pd muka dll), berjerawat, bopeng.

bidai I **1.** singkatan bagi bidadari; **2.** dayang-dayang dlm istana.

bidai II tawaran sejumlah bayaran (harga) tertentu oleh bakal pembeli dsb bagi sesuatu yg dijual, spt dlm jualan lelong: *harga yg dibayarinya melebihi dua ~ drpd harga pasaran sebelumnya;*

membida menawarkan harga tertentu utk sesuatu (kontrak, kerja dsb): *dia sudah ~ kontrak bernilai RM 700 juta;*

pembidaan perbuatan membida: *~ itu akan bermula sebentar lagi;*

pembida orang (syarikat, firma dsb) yg membida.

bidah **1.** pembaruan, terutamanya dlm agama Islam (ada yg diterima dan ada yg bercanggah dgn agama Islam); **2.** pembohong, penipu.

bidadari **1.** dewi di syurga atau di kayangan; **2.** ki perempuan yg cantik rupawan.

bidai I **1.** sj tirai yg dibuat drpd bilah (buluh, rotan, dll) yg dijalin (kerai, terai, belat, dll); **2.** bilah (buluh dll) utk membandut tangan yg patah dll;

berbidai-bidai bergaris panjang-panjang yg selari;

membidai 1. memasang bidai (pd rumah dll); **2.** membandut dgn bidai.

bidai II Id tempat berhenti dlm permainan (kasti dll).

bidak buah catur yg terendah nilainya (bergerak dgn satu langkah ke depan tetapi memakan lawannya secara menyerong).

bidal I = bidalan kata-kata yg sering kali disebut, dan yg mengandungi nasihat, peringatan, dsb.

bidal II 1. sarung jari pd logam, didal; **2.** (Kej) bahagian gerudi tempat memasukkan mata gerudi.

bidan orang (biasanya perempuan) yg mempunyai kemahiran utk membantu ibu sewaktu melahirkan anak;

~ *kampung* wanita di kampung yg mempunyai kemahiran utk menolong seseorang ibu melahirkan anak (sungguhpun tidak terlatih secara khusus tentang ilmu perbidanan); ~ *kerajaan* bidan yg berkhidmat dgn kerajaan (terlatih secara khusus tentang ilmu perbidanan); ~ *tarik* = ~ *terjun* a) bidan yg dipanggil secara mendadak (tidak diberitahu terlebih dahulu; b) orang yg diminta melakukan sesuatu pekerjaan secara mendadak (kerana orang yg sepatutnya tidak ada atau tidak hadir); *bebas* ~ (*balas, berlimau*) kenduri selepas empat puluh hari bersalin; *jikalau beranak ikut kata* ~ prb jika kita berkehendak sesuatu drpd orang lain, hendaklah kita turut apa yg dikatakannya;

berbidan memakai bidan, meminta perkhidmatan bidan sewaktu melahirkan anak; *beranak tiada* ~ prb mendapat susah kerana kebodohan sendiri;

berbidankan menggunakan perkhidmatan seseorang sbg bidan: *dia melahirkan anak sulungnya dgn ~ bidan kampung sahaja*;

membidani menolong orang bersalin: *upah bidan utk ~ isterinya saja sudah sebanyak tiga puluh ringgit;*

kebidanan hal yg berkaitan dgn ilmu menjadi bidan, atau tugas dan tanggungjawab sbg bidan: *ilmu ~; pakar ~;*

perbidanan perihal bidan.

bidang I **1.** permukaan yg datar (batasnya tertentu): *maka seludang mayang itu menjadi gong, Jeming namanya, ~nya menjadi pedang;* **2.** ukuran lebar sesuatu (spt kain, tikar, dll): *kain ini ~nya 39 inci atau satu meter;* **3.** lebar: *dadanya ~;* **4.** ukuran panjang (kira-kira lima hasta): *dua ~;* **5.** penjodoh bilangan bagi benda yg luas (spt tanah dsb): *di tengah-tengah se~ sawah;* **6.** kegiatan yg diceburi, lapangan: *berkecimpung dlm ~ seni lakon;* **7.** bahagian ilmu pengetahuan (penyelidikan dsb) yg tertentu, lapangan, jurusan: *melanjutkan pelajaran dlm ~ kejuruteraan awam;* **8.** bahagian drpd permukaan sesuatu yg datar dan mempunyai keluasan yg tertentu: *kotak itu mempunyai enam ~;*

~ kuasa ketentuan-ketentuan yg menyatakan sejauh mana atau sebanyak mana kuasa yg ada pd atau yg boleh digunakan oleh seseorang; *~ tugas* butir-butir mengenai tugas seseorang;

membidangkan membentangkan (kulit dll) pd bingkai; *~ dada* membusungkan dada;

bidangan ark bidang, petak;

pembidang, pembidangan bingkai (tempat membentang kulit, gambar, dll): *~ sebuah gambar harganya 3/4 drpd harga gambar itu.*

bidang II sl sj perahu perang: *maka segala lancang kenaikan baginda pelang peraduan, jong pebujangan, ~ kekayuhan serta jong penanggahan.*

bidar = *sampan* ~ sl perahu (perang).

bidara = ~ *cina* sj tumbuhan (pokok), *Zizyphus jujuba*.

bidari Id ark batas (tempat berhenti) dlm permainan kasti; → **bidai II**.

bidas I; membidas 1. memantul (balik): *setelah saya lepaskan, dahan itu ~*; **2.** menembus (pertahanan musuh dll): *serangan itu diperhebat lagi supaya dapat ~ pertahanan musuh*; **3.** mengecam: *menteri itu memberi jawaban sambil ~ pihak pembangkang*;

bidasan 1. gerakan membidas; **2.** serangan, serbuan; **3.** kecaman;

pembidas sj lembing yg dilepaskan dgn alat yg memantul.

bidas II Kl, Tr **1.** lastik: *budak itu suka bermain ~*; **2.** melastik: *Mamat mengajak Ali ~ burung punai*.

Bidayuh suku kaum peribumi yg keempat terbesar di Sarawak, yg tinggal di merata daerah (terutamanya di Kuching dan Serian) dan juga dikenali sbg Dayak Darat.

bidet (bidét) sj besen rendah yg boleh diisi air utk membasuh bahagian kemaluan dan punggung.

bidu Kl; **membidi 1.** membela, mendidik; **2.** memaut, membentuk (dgn cara memanaskan).

bidik; membidik 1. mengarahkan sesuatu (senapang dll) ke sasaran : *dia betul-betul sudah ~ batang tubuh salah seorang pengiring musuhnya*; **2.** mengarahkan pandangan dgn tetap kpd sesuatu;

membidikkan mengarahkan kpd;

terbidik-bidik terkedip-kedip (mata), terkejap-kejap;

pembidikan perbuatan membidik;

pembidik alat utk membidik.

bidis I Sl berganjak atau beralih tempat (dlm permainan guli dll).

bidis II; rumput ~ sj tumbuhan (rumput), a) rumput ekor anjing, *Saccolipsis angusta*; b) rumput kemani, *Saccolipsis myosuroides*.

biduan penyanyi lelaki: *maka segala ~ yg baik suaranya pun menyanyilah*.

biduanda budak kundang, budak raja, juak-juak, hamba (suruhan) raja:
baginda ... membuat segala anak tun-tun akan ~ kecil, pekerjaannya akan membawa segala alat raja.

biduanita penyanyi perempuan: ~ *itu menyampaikan lagu Madah Pujangga.*

biduk sj perahu (utk menangkap ikan atau mengangkut barang di sungai); *bersatu ~ dgn bekerjasama dgn; ~ kalau tidak berkemudi, bagaimana ia akan laju prb suatu pekerjaan yg dikerjakan tanpa kepandaian payah berhasil; ~ lalu kiambang bertaut prb lebih baik jangan dicampuri perselisihan orang yg bersanak saudara kerana akhirnya mereka akan berbaik balik; ~ pecah nakhoda mati, anak buah cerai-berai prb perihal suatu perusahaan yg bankrap, ketuanya meninggal dan pekerjaanya kucar-kacir; ~ satu, nakhoda dua prb a) orang yg menduakan suami; b) suatu pekerjaan yg ketuanya dua orang; ~ serempu sj perahu yg dibuat dgn lunas panjang dan lekuk; ~ upih pengayuh bilah prb tiada berdaya utk mengerjakan sesuatu pekerjaan; lain ~ lain digalang prb a) lain disoal lain dijawab; b) lain yg berbuat salah, lain pula yg tertuduh; pacak mencerca ~ orang, ~ sendiri tak terkayuh prb kesalahan orang lain tampak, kesalahan sendiri tidak tampak; spt ~ dikayuh hilir prb mengerjakan pekerjaan yg sedia digemarinya; terkatung-katung macam ~ patah kemudi prb peri sengsara di rantau orang dan tidak ada orang yg menolong; tertumbuk ~ dikelokkan, tertumbuk kata difikiri prb kalau sesuatu pekerjaan terbantut, hendaklah dicari jalan lain; tertumpang di ~ tiris prb terikat (tersekutui) pd pekerjaan yg merugikan; tiada ~ karam sebelah prb apabila seseorang mendapat kesusahan, kaum keluarganya menderita juga;*

berbiduk naik biduk.

bidur sl **1.** bongkah timah yg beratnya tiga paun atau 1.36 kg; **2.** kati (juga dipakai sbg mata wang).

bienial (biénial) (Bio) tumbuhan (spt lobak merah, rumput jarum, dll) yg melengkapkan kitar hidupnya dlm masa dua tahun.

bifstik kepingan daging yg boleh dipanggang, digoreng, dll, yg dipotong drpd bahagian daging pejal lembu.

bigami amalan beristeri atau bersuami dua.

bigamis orang yg beristeri atau bersuami dua.

bighair Ar ark kecuali, lain drpd; **ghair**.

bigu ark pendeta (Buddha); → **biku I**.

bihun C sj mi halus yg dibuat drpd tepung beras.

bija I Mn biji, benih.

Bija II (bahagian drpd) gelaran: *Seri ~ Diraja*; → **Bijaya**.

bijak 1. (sangat) pandai, cerdas, pintar: *kau ~, kaulah seniman yg tahu menikmati kesenian alam*; **2.** pandai bercakap, petah lidah; **3.** sesuai atau betul dan mendatangkan kebaikan: *berjimat-cermat pd zaman inflasi ialah satu langkah yg ~*;

~ bestari benar-benar bijak; *golongan ~ pandai cendekiawan*;

kebijakan perihal bijak, kecerdikan, kepintaran: *sesetengahnya dinaikkan pangkat kerana ~ dan kemahiran mereka*.

bijaksana berakal budi, arif, pandai dan berhati-hati, cerdas: *Bendahara Paduka Raja itulah dikatakan orang ~*;

membijaksanakan menjadikan seseorang bijaksana: *sajak ini tidak ~ pembaca utk menggunakan daya renung yg lebih dinamik*;

kebijaksanaan perihal bijaksana, perihal menggunakan akal budi: *mereka menjalankan tugas ini dgn penuh ~, penuh perasaan tanggungjawab dan keberanian*; *kemerdekaan Tanah Melayu telah dicapai kerana ~ pimpinan parti pemerintah*.

bijan **1.** sj tumbuhan (pokok yg buahnya mengandunginya minyak), ginjili, lenga, til, *Sesamum orientale*; **2.** biji kecil berwarna keputih-putihan drpd pokok bijan yg digunakan sbg bahan makanan dan juga menghasilkan minyak utk masakan dsb: *minyak ~*; *minyak ~ minyak lenga*; *menaburkan ~ ke tasik tiada akan tumbuh* prb perbuatan yg sia-sia;

berbijan mengandunginya bijan: *biskut ~*.

bijana ark; *jana ~ = tanah ~ tempat kelahiran*.

Bijaya (bahagian drpd) gelaran; *Seri ~ Adiraja* juga disebut Seri Bija Diraja; **Bija II.**

biji I 1. bahagian keras biasanya di tengah-tengah buah: *~ durian*; *~ rambutan*; **2.** buah yg kecil-kecil: *~ padi*; *~ kacang*; **3.** = *~ kemaluan* Id buah pelir; **4.** bp kelentit; **5.** penjodoh bilangan (bagi benda kecil dll): *beri aku beberapa ~ drpd buah itu*; **6.** Id markah: *murid itu mendapat ~ yg tinggi utk hitungan*;

~ benih biji yg dijadikan benih; *~ berkepak* biji yg mempunyai kepak atau sayap; *~ buah* a) isi buah yg dapat ditanam; b) = *~ butir* (*percakapan, perbualan*) isi percakapan; *~ mata* a) bulatan mata; b) ki kekasih; *~ minyak* biji yg mengandunginya minyak; *~ timun* sj ukiran, sj garis-garis pd mata pisau (keris);

bagai meramas ~ cempedak prb sungguh-sungguh utk mengalahkan (seseorang) atau menghadapi orang yg pandai berdolak-dalik; *menanam ~ atas batu* prb sia-sia memberi nasihat kpd orang yg tidak mempedulikannya; *tertanam di ~ hampa* prb yg ditanam bukan biji yg bernas (usaha yg tidak akan berhasil);

sebiji bp betul-betul spt: *filem itu ~ macam filem Mr. Os*;

berbiji mempunyai biji (bkn buah): *buah gajus ~ di luar*;

berbiji-biji 1. mempunyai banyak biji (bkn buah): *jambu batu ~ kecil*; **2.** spt ada biji: *dia berasa tengkuknya ~*;

membiji Id memberi markah;

biji-bijian segala buah yg berbutir kecil-kecil (spt padi, gandum, jagung, kacang, dll), padi-padian.

biji II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kait putih, kait-kait, *Roucheria griffithiana*.

biji III; ~ *durian* sj ikan laut, *Osphronemus spp.*, *Sphaerichthys spp.*; ~ *angka* sj ikan laut, *Upeneus spp.*, *Parupaneus spp.*

Biji IV → **Bijaya**.

bijih batu (tanah, pasir, dsb) yg mengandung logam;

~ *besi* bijih yg mengandung besi; ~ *timah* bijih yg mengandung timah;

berbijih mengandung bijih: *tanah* ~.

bijirin (Tani) biji-bijian (spt gandum, barli, jagung, padi, dsb) yg dijadikan bahan makanan asas.

bika bengkang, bingka.

bikar I bekas drpd kaca, berbentuk silinder, tidak bertutup dan berbibir (digunakan di dlm makmal utk membuat percubaan kimia):
sekarang ambil dua biji ~ yg besar dan isi separuh dgn air.

bikar II bingkai, tepi: *semua ~ saji diperbuat drpd rotan*;

berbikar mempunyai tepi (bingkai).

bikin bp **1.** buat: *itu kita ~ sendiri*; **2.** menjadikan; ~ *besar* membesarkan; ~ *mati* membunuh; ~ *rendah* merendahkan;

membikin menyebabkan, membuat: *desir angin ~ hatinya rindu*;

bikinan buatan: *lelaki dan perempuan ialah dua jenis manusia ~ Tuhan*;

pembikinan perihal atau perbuatan membikin, pembuatan: *abang telah berkongsi mendirikan sebuah syarikat ~ batik*;

pembikin orang (syarikat dsb) yg membikin sesuatu.

bikini pakaian yg terdiri drpd semacam coli dan seluar dalam, yg dipakai oleh wanita utk berenang atau berjemur;

berbikini memakai bikini: *banyak iklan menggunakan gambar wanita ~.*

bikir I Ar (anak) dara, gadis.

bikir II sj tumbuhan (pokok), beka, biji lunang, boli, merulai, *Oroxylum indicum*.

biksu ark sl sami atau pertapa (Buddha).

biksuni ark sami perempuan.

biku I ark sl sami atau pertapa (Buddha).

biku II 1. lipatan pd tepi kain (baju dll) utk perhiasan; **2.** tepi peti dll yg berukir;

berbiku-biku berlipat-lipat pd tepi, berukir-ukir pd tepi.

biku III Kl bingkai bulat tempat menegangkan kain, ram (apabila menyulam dll).

biku-biku sj tumbuhan (pokok), benak, medang tanduk, serunai, *Bhesa spp.*

bikung Kl sj kudis pd betis.

bil penyata bertulis tentang caj bagi barang dan perkhidmatan yg telah diterima: ~ *air*; ~ *elektrik*;

~ *muatan kapal* dokumen yg dikeluarkan oleh syarikat pengangkutan (bkn barang yg dihantar kpd pengirim, sbg kontrak antara kedua-dua pihak dan sbg dokumen hak milik penama barang tersebut); ~ *perbendaharaan* (Eko) bon jangka pendek yg dikeluarkan oleh kerajaan utk meminjam drpd bank perdagangan atau orang perseorangan bagi memenuhi keperluan kewangan pd masa tertentu;

mengebیل menghantar (membuat, menyediakan, mengeluarkan, atau mengenakan) bil kpd atau utk: *pihak syarikat akan ~ anda kemudian;*

mengebیلkan menyediakan (membuat) bil utk barangan yg dijual atau perkhidmatan yg diberikan: *sistem ini membolehkan pelanggan mencatat semua panggilan telefon bagi mengesahkan sama ada panggilan dibیلkan dgn betul atau sebaliknya;*

pengebیلan perihal (perbuatan, proses dsb) mengebیل atau mengebیلkan: *pihaknya sudah mengemukakan beberapa cadangan mengenai struktur ~ baru itu; apa yg dibimbangkan oleh TNB ialah pemalsuan sistem meter dlm ~ kpd pengguna komersial.*

bila 1. kata yg digunakan utk menanyakan waktu (masa, ketika) mana: ~ *awak hendak ke Kuala Lumpur?; barang ~ sebarang masa; 2.* pd masa apa: *kalau begini, sampai ~ pun nasib pak tani tidak akan berubah;*

bila-bila = ~ masa pd sebarang masa (waktu, ketika): ~ *saja hari akan hujan.*

bilabial (Lin) **1.** bkn dua bibir; **2.** bunyi atau sebutan yg dihasilkan oleh dua bibir (tentang konsonan spt p, b, m).

bilad Ar ark negeri.

bilah 1. kepingan buluh (kayu, rotan, dll) yg dibelah panjang dan tipis: *layang-layang itu mempunyai alat pendungung yg dibuat drpd ~ kayu dan daun mengkuang; 2.* benda yg menyerupai bilah buluh dll (pisau, keris, dll): ~ *pisau itu terjatuh di atas tanah; 3.* penjodoh bilangan bagi pisau (keris, pedang, dll): *di atas baju itu terletak se~ parang yg sudah dijampi; umpama ~ atau lidi yg terselat pd dinding, dapat juga diambil akan cungkil gigi atau cungkil telinga prb orang yg bodoh atau daif sekalipun ada gunanya.*

bilai I Mn sambung, tepi yg disambungkan;

membilai 1. menyambungkan (kain dll), menambah tepi, menyisip lantai (membaiki); **2.** menyalut (gigi dll): ~ *gigi dgn emas*; **3.** menambah yg kurang (pidato dll).

bilai II bilur;

berbilai ada bilainya, berbilur.

bilak = ~ *mata sj tumbuhan (pokok), maja, Aegle marmelos.*

bilal orang yg kerjanya meneriakkan azan apabila masuk waktu sembahyang, tukang bang, tukang azan, mudin, muazin: *suara azan yg dilaungkan oleh ~ masjid kedengaran sayup-sayup.*

bilamana apabila, apakala, ketika.

bilamasa bilamana.

bilang I 1. bp hitung(an), kira(an) jumlah (banyak) barang; *tidak masuk ~ tidak masuk kira*; **2.** = **sebilang** setiap, tiap-tiap; ~ *bulan tiap-tiap bulan*; **3.** = **berbilang**;

berbilang 1. lebih drpd satu banyaknya; *masyarakat ~ bangsa (kaum) masyarakat yg terdiri drpd beberapa bangsa atau kaum (spt Melayu, Cina, India, dll di Malaysia)*; ~ *ringgit banyak ringgit*; **2.** dihitug atau dikira jumlahnya: *barang-barang itu belum ~ jumlahnya lagi*; ~ *dr esa, mengaji dr alif prb mengerjakan sesuatu hendaklah dimulai dr pangkalnya*;

membilang 1. menghitug (mengira) satu demi satu: *bibirnya bergerak-gerak bagai lebai ~ tasbih*; **2.** memperhitugkan, memperkirakan, memerhatikan: *tiada pula sunyi orang ~ harapan kalau-kalau ia masih hidup; apabila ia melompat, maka sekalian kami lihat spt gunung api, tiada ~ lawannya; kadang-kadang Nordin termenung membilang-bilang nasibnya*;

membilangkan membilang (menghitug, mengira) utk;

terbilang 1. terhitung, dapat dihitung, termasuk hitungan: *perahu pun tiada ~ banyaknya*; **2.** terkenal, terkemuka: *sebuah kampung yg ~ kaya; banyak sudah pahlawan ~ pihak China yg telah rebah ke bumi*; **3.** dimaklumi (sbg mempunyai sesuatu sifat): *dia memang ~ sbg orang yg lekas naik radang*;

bilangan 1. jumlah (banyak) barang dll: *orang yg mengasihi kau lebih ramai ~nya drpd manusia yg membenci kau; hasil darab ini ialah suatu ~ genap*; **2.** lingkungan, golongan: *ia termasuk ~ orang pandai-pandai*; **3.** nasib yg sudah tertentu, waktu yg sudah tertentu; *itu memang sudah ~nya itu memang sudah nasibnya; sudah sampai ~nya sudah sampai ajalnya*;

sebilangan sejumlah, sebanyak: *~ besar kuli itu datang dr negeri China*;

kebilangan termasuk bilangan, terkenal dll: *mereka pergi ke sebuah restoran yg ~ dlm kota Betawi*;

pembilangan perbuatan membilang, pengiraan, penghitungan: *~ undi dilakukan pd sebelah petang*;

pembilang 1. orang yg kerjanya membilang; **2.** Id bilangan yg di atas pd suatu pecahan.

bilang II bp cakap, bercakap: *Narto tak ~ dia hendak lari; emak ~, jangan pergi*;

membilang bp mengatakan; *apa yg hendak dibilang apa yg hendak dikatakan*;

membilangi memberitahu, memberi nasihat;

membilangkan memberitahukan, mengatakan;

perbilang peribahasa yg melahirkan kata-kata yg sudah menjadi spt peraturan atau undang-undang atau nasihat yg dapat dijadikan pegangan.

bilang-bilang Mn sj tumbuhan (pokok renek), gelang; *rendah ~ diseluduki (disuruki), tinggi kayu ara dilangkahi* prb mengerjakan sesuatu atau berhubungan dgn seseorang hendaklah sbg yg semestinya.

bilang rabun mata (pd waktu petang hari), buta ayam.

bilas I; berbilas sudah dibilas;

membilas membasuh atau mencuci sesuatu (tubuh, pakaian dll) utk kali kedua dan seterusnya sehingga bersih: *setelah tujuh kali membasuh dgn air biasa, barulah dibilas dgn air yg ditapis;*

bilasan perihal membilas: *sewaktu menghabiskan ~ kain baju itu, fikirannya tidak aman;*

pembilasan proses membilas;

pembilas bahan atau alat utk membilas: *utk menghilangkan kotoran, cuba campurkan secamca besar cuka ke dlm tiga gayung air ~.*

bilas II kabur (mata).

bilateral melibatkan dua pihak: *sebenarnya masyarakat ini pd asasnya bersifat ~ (menitikberatkan lelaki dan perempuan); lawatan itu bertujuan utk menyelesaikan beberapa masalah ~.*

bilau; *kacau-~ kacau-balau;* → **kacau.**

bilazim (Psi) tidak spt keadaan yg lazim, tidak normal, abnormal: *seorang pakar psikologi menggunakan prinsip pembelajaran dlm usahanya utk mengubah tingkah laku ~.*

bilberi (bilbéri) sj pokok renek drpd genus *Vaccinium* yg tumbuh di kawasan paya dan hutan pergunungan Eropah Utara, mempunyai buah kecil berwarna biru tua yg boleh dimakan.

bilga **1.** bahagian yg melengkung di antara kawasan bawah kapal dgn dinding sisi; **2.** ruang takung kotoran yg terdapat pd bahagian bawah kapal.

bilhak Ar sebenarnya, sesungguhnya.

biliard sj permainan yg dimainkan di atas meja segi empat panjang dgn memukul bola-bola kecil antara satu dgn lain atau ke dlm jaring dgn kayu panjang;

kayu ~ kayu panjang utk memukul bola biliard; *meja* ~ meja segi empat panjang yg mempunyai enam lubang (pd penjuru dan tepi bahagian tengah meja) utk bermain biliard.

bilik I 1. ruang dlm rumah (bangunan dsb) yg bersekat dgn dinding dan berpintu, kamar: *dia masuk ke dlm ~*; **2.** ruang yg tersekat, petak kecil; ~ *jantung* dua ruang pd bahagian bawah jantung utk mengedarkan darah dlm tubuh, ventrikel;

~ *air* = ~ *mandi* ruang tempat mandi (membuang air, membasuh dll); ~ *baca(an)* ruang di perpustakaan dll tempat membaca; ~ *(ber)solek* ruang tempat (pengantin dll) bersolek; ~ *dapur* ruang tempat memasak; ~ *gelap* ruang gelap tempat membuat (mencuci) gambar; ~ *gerakan* bilik tempat merencanakan sesuatu rancangan (pembangunan dll); ~ *kawalan* bilik tempat menjalankan sesuatu operasi kawalan keselamatan dsb; ~ *kebal* bilik khas yg kukuh binaannya, biasanya digunakan utk menyimpan wang atau barang berharga: *peti keselamatan itu di ~ syarikat kewangan itu*; ~ *kuliah* ruang tempat memberi kuliah di universiti; ~ *lokar* bilik yg disediakan dgn lokar utk menyimpan barang peribadi, menyalin pakaian dsb, biasanya terdapat di pusat sukan, pusat pengajian dll; ~ *makan* ruang tempat makan; ~ *mayat* bilik tempat menyimpan mayat di hospital sebelum dituntut oleh ahli waris utk dikebumikan dsb; ~ *menanti* = ~ *menunggu* bilik yg dikhaskan utk menunggu (giliran, kapal terbang, dsb) di sesuatu tempat (klinik, hospital, lapangan terbang, dsb); ~ *pengawal* bilik khas tempat petugas (polis, warden dsb) berkawal; ~ *persalinan* bilik kecil

tempat menyalin pakaian; ~ *rehat* ruang tempat berehat; ~ *tamu* a) bilik di rumah yg dikhaskan utk tetamu beristirahat (tidur dsb); b) bilik di sesebuah institusi yg dikhaskan utk tetamu dan warga institusi berbincang dsb; c) bilik tempat tetamu menginap di hotel; ~ *tidur* ruang tempat tidur;

berbilik mempunyai bilik, berkamar: *rumah pangsa* ~ *dua*;

berbilik-bilik mempunyai banyak bilik.

bilik II Jw tepas.

biligualisme 1. pemakaian dua bahasa oleh seseorang atau sesebuah masyarakat, kedwibahasaan; **2.** kefasihan bertutur dlm dua bahasa, kedwibahasaan.

bilion 1. (di Britain) satu juta juta, ditulis sbg 1 000 000 000 000 atau 10^{12} ; **2.** (di AS) satu ribu juta, ditulis sbg 1 000 000 000 atau 10^9 ;

berbilion, berbilion-bilion beberapa bilion, beberapa banyak bilion.

bilionair orang yg wangnya (hartanya) dianggarkan satu bilion atau lebih.

bilirubin (Bio) pigmen hempedu berwarna kuning kemerahan yg terhasil akibat pemecahan hemoglobin, yg boleh mengakibatkan penyakit demam kuning sekiranya kepekataannya meningkat.

bilirubinemia (bilirubinemia) (Ubat) kehadiran bilirubin di dlm darah.

bilis I Kl **1.** kecil, halus; **2.** hampir padam (pelita), malap; **3.** hampir tertutup (mata), mengantuk; **4.** tidak terkenal, tidak tinggi (taraf, kedudukan): *penulis-penulis* ~ *yg masih mencari tempat*.

bilis II sakit dan merah (bkn mata).

bilis III; *ikan* ~ **1.** sj ikan laut, *Anchoviella indica*; **2.** sj ikan laut, *Engraulis indica*; **3.** sj ikan laut, *Stolephorus indicus*; ~ *tembaga* sj ikan laut, a) *Anchoviella commersonii*; b) *Engraulis commersonii*; c) *Stolephorus commersonii*.

bilis IV; *rumpun* ~ *jantan* sj tumbuhan (rumpai) yg terdapat di sawah-sawah, rumput sumbu, *Cyperus haspan*.

bilit Sr bilik (pengantin).

biliuria (Ubat) kehadiran bilirubin di dlm air kencing.

biluk ark belok.

bilur bekas pd kulit akibat dipukul dgn sesuatu yg tajam atau nipis spt cemeti, rotan, dll;

berbilur ada bilurnya, berbekas bilur: *belakangnya* ~ *dipukul bapanya dgn rotan*.

bilut sj ikan darat, *Ceretoglanis scleronema*.

Bimasakti jaluran cahaya malam yg terentang di langit pd waktu malam yg terdiri drpd jutaan bintang, nebula, dsb.

bimbang berasa gelisah atau tidak sedap hati kerana memikirkan sesuatu atau takut sesuatu yg tidak diinginkan berlaku, kluatir, risau: *perasaan ~nya itu akhirnya bertukar menjadi perasaan takut pula; seluruh keluarganya ~ apabila dia tidak pulang-pulang; tak usah ~, gula di dlm mulut, bila hendak telan, telan prb apa yg dikluatirkan lagi, benda itu sudah dlm milik kita;*

berbimbang; ~ *hati* berasa bimbang (kluatir, risau);

membimbangkan menimbulkan rasa bimbang (kluatir, risau), mengkluatirkan, merisaukan: *ugutan perempuan itu ~ hatinya; pandangannya itu ~ Hilmi;*

kebimbangan perihal bimbang (kluatir, risau), kekluatiran, kerisauan: *setelah kejadian itu, dia tetap dlm ~.*

bimbing; **berbimbing**; ~ *tangan* berpegang (tangan), berpimpin, berpandu: ~ *tanganlah ia dgn gadis itu;*

berbimbingan, **berbimbing-bimbingan**; ~ *tangan* a) berpegangan tangan; b) bekerjasama;

membimbing 1. memegang tangan dan memandu, memimpin: *ia segera keluar ~ anaknya yg rupa-rupanya sakit*; **2.** ki memberi petunjuk (huraian dll), memimpin: *keperluan besar utk ~ pelajar-pelajar sastera ialah buku-buku tentang hakikat puisi dan pengulas-pengulas sajak; agama Islam ~ manusia ke jalan yg benar*;

bimbingan perbuatan membimbing (memberi petunjuk, huraian, dll), pimpinan: *mereka belajar muzik di bawah ~ seorang guru muzik yg terkenal*;

pembimbing orang yg membimbing, pemandu.

bimbit; membimbit 1. membimbing: *aku kurang mengerti bagaimana engkau orang Timur telah berani membimbit-bimbit dan mengepit-ngepit tangan aku*; **2.** menjinjing: *Ali ~ bakul utk ke pasar*;

bimbitan sesuatu yg dibimbit;

pembimbit orang yg membimbit sesuatu.

bin I 1. anak laki-laki kpd (digunakan pd nama orang): *Ali ~ Abdullah*;
2. bp nama bapa: *sudah sahlah dia, namanya, ~nya dan tempat tinggalnya serupa betul*; **3.** bp utk menyatakan amat sangat (dipakai pd perkataan-perkataan yg sama ertinya): *ganjil ~ ajaib; hairan ~ takjub*;

berbin bp memakai nama ayah (di belakang nama sendiri): *nama Mat dgn tiada ~*;

berbinkan mempunyai (memakai) nama seseorang (ayah angkat dsb) sbg nama ayah: *walaupun dia dipelihara oleh bapa angkatnya sejak kecil lagi, Ahmad masih ~ ayah kandungnya sendiri*;

membinkan memberikan atau membubuh nama bapa kpd anak lelaki: *hukum ~ atau membintikan anak angkat kpd bapa angkat adalah haram di sisi Islam; → ibnu.*

bin II; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpai), aring-aring, keremak jantan (hutan), urang-aring, *Eclipta alba*.

bina bangunan: *aku jumpa dia di atas ~ stesen; tapak* ~ tapak bangunan; *seni* ~ a) seni atau ilmu merancang, mereka bentuk, dan membina bangunan; b) gaya sesuatu bangunan direka bentuk dan dibina, terutamanya pd zaman atau di tempat tertentu: *seni ~ Islam;*

membina 1. membuat sehingga terdiri sesuatu (spt rumah, bangunan, jalan raya, dll), membangunkan, mendirikan: *kerajaan ~ rumah murah utk golongan yg berpendapatan rendah; 2.* membantu dlm proses menjadi besar: *makanan yg ~ badan; 3.* mengusahakan supaya lebih maju, membangunkan: *~ negara; 4.* mewujudkan, membentuk: *~ satu masyarakat baru; ~ sikap baru; ~ rumah tangga yg bahagia; 5.* mengembangkan: *~ plot cerita; 6.* memajukan dan meninggikan mutu dan taraf serta memperkukuh kedudukan sesuatu (spt bahasa dll): *~ bahasa Melayu; 7.* mendatangkan kebaikan, membawa manfaat, dapat memajukan (membaiki dsb) sesuatu: *teguran yg ~;*

terbina 1. dibina, terbangun, terdiri: *bangunan-bangunan tinggi yg ~ di bandar raya Kuala Lumpur; 2.* terbentuk drpd beberapa unsur (bahan dll): *bumi yg ~ drpd batu-batan dan logam yg keras; 3.* ki (sudah) wujud: *memupuk kasih sayang sehingga ~ istana cinta;*

binaan 1. benda yg dibina, bangunan, susunan; *~ jantung* susunan (bentuk) jantung; **2.** pembentukan; *~ nitrat* pembentukan nitrat oleh kuman, penitran; *~ tulang* pembentukan tulang;

pembinaan **1.** perbuatan (kegiatan, usaha, dsb) membina (mendirikan, membangunkan): ~ *jambatan*; **2.** pembangunan: ~ *negara*; **3.** perihal membina (tubuh dsb): *zat-zat yg membantu ~ tubuh*; **4.** perbuatan membina (bahasa): ~ *bahasa*;

pembina orang (syarikat dll) yg membina (mendirikan, membangunkan, dsb) sesuatu: ~ *bangunan*; ~ *negara*.

binal Jw = **binal-binalan** **1.** bengal, keras kepala; **2.** liar (bkn binatang).

binantu Mn menantu.

binar ark; **berbinar-binar** **1.** bersinar-sinar (air, mata, dll): *dr jauh air sungai di kuala itu kelihatan ~; matanya naik ~*; **2.** berkunang-kunang (pelihatan dll).

binasa **1.** habis rosak atau hancur sama sekali, musnah: *rumah-rumah kedai itu ~ dijilat api*; **2.** ki mengalami bencana atau keburukan (spt mendapat kesusahan besar, penyakit, dll), musnah: *dadahlah yg menyebabkan kehidupannya ~; sebab mulut badan ~; arang habis besi ~, tukang hembus penat saja = tuba ~, ikan tak dapat prb perbuatan yg tidak memberi hasil, hanya mendatangkan rugi*;

membinasakan **1.** menjadikan binasa (rosak atau hancur sama sekali), memusnahkan: *gajah-gajah liar telah ~ tanam-tanaman di pinggir hutan itu*; **2.** ki menjadikan binasa (diri), memusnahkan, menghancurkan: *arak dan judi yg ~ dirinya*; **3.** ki membunuh, memusnahkan: ~ *musuh*;

kebinasaan perihal (keadaan) binasa atau musnah, kemusnahan: ~ *teruk boleh dilakukan oleh binatang pd tanam-tanaman*;

pembinasaan perbuatan membinasakan (memusnahkan), pemusnahan: ~ *kota Melaka ialah satu kerugian besar kpd sejarah negara*;

pembinasa orang (benda) yg membinasakan: *kapal ~; tenaga ~*.

binatang makhluk yg bernyawa dan tidak berakal (spt kucing, anjing, kuda, dll), haiwan;

~ *angkara* binatang buas; ~ *buruan* binatang yg diburu (utk dagingnya); ~ *berdarah panas* (Bio) binatang yg suhu badannya tetap; ~ *berdarah sejuk* (Bio) binatang yg suhu badannya berbeza drpd suhu persekitarannya; ~ *dua alam* binatang yg mula-mulanya hidup dlm air dan kemudiannya di darat (spt katak dll), amfibia; ~ *hidup-hidupan* binatang ternak; ~ *kerip* = ~ *mengerip* binatang yg mengerip (mempunyai gigi depan yg tajam), rodensia; ~ *loceng* binatang halus yg berbentuk loceng (*vorticella*); ~ *lunak* binatang yg berbadan lunak dan berkulit keras, moluska; ~ *maging* binatang yg makan daging, karnivor; ~ *maserba* binatang yg makan serba makanan, omnivor; ~ *maun* binatang yg makan tumbuhan, herbivor; ~ *menceruh* binatang yg memamah biak; ~ *reptilia* binatang berdarah sejuk yg merayap atau menjalar (spt ular, buaya, dll); ~ *susu* binatang yg menghasilkan susu; ~ *ternak* binatang yg ditenak; ~ *tahan palu, manusia tahan kias* prb mengajar binatang dgn pukulan, mengajar manusia dgn kiasan (sindiran);

kebinatangan bersifat spt binatang (buas, ganas, dsb), kehaiwanan: *dia didorong oleh nafsu ~ sewaktu melakukan pembunuhan itu; nilai-nilai kemanusiaan dan ~ mulai berombak dlm dirinya.*

binau Kd pinar.

binawah Mn binatang (makian).

binca jerami tempat tidur binatang (kuda dll).

bincacak, bincacau Mn ark; *anak* ~ anak yg terkutuk.

bincang I; berbincang, berbincang-bincang bertukar-tukar pendapat antara satu dgn yg lain mengenai sesuatu perkara yg penting: *mereka sedang ~ tentang masalah kewangan persatuan;*

membincangkan memperkatakan, membicarakan: *tidaklah dapat saya terangkan dan bincangkan satu persatu isi undang-undang jenayah;*

perbincangan perihal berbincang: *di situ saya dengar ~ mereka hendak merompak kedai intan berlian;*

pembincang orang yg membincangkan sesuatu: *sebelum ~~~ memberikan pendapat masing-masing, ketua sidang memberikan ucapan pembukaan.*

bincang II; ~-*bincut* penuh bisul kecil-kecil (kepala).

bincang III; ~ *ayam* sj simpul (tali dll).

bincang IV → **pincang I**.

bincu I gincu;

membincu menggincu: *bibir tipis merah tanpa dibincu itu mengorak senyum lagi.*

bincu II → **bincul**.

bincul benjol (pd kepala dll).

bincut benjol (pd kepala).

bindam ark lebam dan bengkak-bengkak (kerana dipukul dll).

bindeng Jw sengau.

bindil sj sel (pd tumbuh-tumbuhan atau binatang) yg boleh mengeluarkan sesuatu spt enzim dll.

bindu alat utk melarik kayu (gading dll) yg dipusing;

membindu melarik dgn bindu.

bing I K1 bunyi spt bunyi orang rebah.

bing II; *bata* ~ batu ubin.

bingal bengal, degil.

bingar bising; *hingar* ~ riuh-rendah;

membingarkan menimbulkan keadaan bingar (bising), membisingkan;

kebingaran perihal bingar, kebisingan: ~ *bunyi titikan air hujan bercampur baur dgn bunyi daun pisang mengepak-ngepak dipukul angin.*

bingas bengis, beringas, lekas marah, pembengis.

bingit I **1.** tuli sekejap (kerana terdengar bunyi atau suara nyaring atau terlalu bising): ~ *telinga mereka kerana teriak anak-anak itu*; **2.** tidak sedap, kurang senang: ~ *telinganya mendengar leteran ibunya*;

membangitkan menyebabkan berasa bingit: *deruman jentera di kilang itu ~ telinga*;

kebingitan perihal bingit: ~ *bunyi enjin kapal terbang itu memekakkan telinganya.*

bingit II Mn iri hati, dengki.

bingka sj kuih (penganan) yg dibuat drpd campuran tepung beras atau tepung gandum, dsb dgn santan, gula dan dibakar, bengkang; ~ *ubi* bingka yg dibuat drpd ubi kayu dan bahan-bahan lain.

bingkah = **bingkahan** bongkah;

berbingkah-bingkah berbongkah-bongkah;

membangkahi menjadikan berbingkah-bingkah (dgn jalan memukul atau mencangkul).

bingkai tepi sesuatu benda yg dibuat drpd kayu (rotan dll) yg dibuat di keliling sesuatu benda (gambar dll) supaya kuat, simpai (roda): ~ *cermin*; ~ *mata* tepi mata;

berbingkai mempunyai bingkai: *pemuda yg berkaca mata putih ~ tebal*;

membangkaikan memberi berbingkai, memasang bingkai.

bingkas = **berbingkas**, **membangkas** **1.** melenting, menganjal: *kecubung rebah, petikan* ~; **2.** bangun (berdiri, meloncat, dll) dgn cepat: *ia*

pun ~ drpd tidurnya; ia ~ melepaskan diri drpd pegangan orang itu.

bingkatak Mn sj buaya katak.

bingkis sl barang kiriman, buah tangan: *maka Pra Chau berkirim surat dgn ~;*

membingkis mengirimkan buah tangan (bersama-sama dgn surat);

bingkisan **1.** bungkusan (barang kiriman, buah tangan) yg biasanya disertai surat: *dia menerima ~ drpd kawannya yg berada di luar negeri;* **2.** surat; **3.** (Komp) set bit yg mengandung semua atau sebahagian daripada data yg dikirim dlm satu blok melalui rangkaian penghantaran data.

bingo sj permainan judi yg seakan-akan loto.

bingung **1.** kehilangan akal, tidak tahu apa yg hendak dibuat, gugup: *dia hampir ~ sejak terbongkarnya kisah anaknya ditahan kerana mencuri;* **2.** bodoh, dungu, tolol; *~ alang* (orang yg) ada masamasanya fikirannya buntu serta-merta dan tidak dapat melakukan sesuatu dgn betul;

yg ~ makanan yg cerdik, yg tidur makanan yg jaga prb penipu selalu mengakali orang yg bodoh dan pencuri mencuri di tempat orang yg tidur; ~ tak dapat diajar, cerdik tak dapat diikuti prb orang yg bodoh tetapi tidak mahu menurut nasihat orang;

membingungkan menjadikan hilang akal (gugup dll): *leteran ibunya ~nya dan menyusahkan hatinya;*

kebingungan **1.** perihal (keadaan) bingung, kehilangan akal, kekacauan hati: *leteran dan desakan mereka menambahkan lagi ~nya;* **2.** (dlm keadaan) bingung: *semua spt ~, spt hilang semangat;*

pembingungan **1.** perihal (perbuatan dsb) membingungkan; **2.** tempat yg membingungkan.

bini (kurang halus) isteri: *~nya yg pertama telah meninggal;*

~ aji sl gundik raja; *~ gahara* sl isteri yg sah; *~ gelap* = *~ simpan* gundik (perempuan yg tidak dikahwini); *~ muda* isteri kedua (ketiga, keempat); *hilang ~ boleh dicari, hilang budi badan celaka* prb akal itu hendaklah dipelihara, kerana jikalau akal hilang dapat membawa kebinasaan;

bini-bini Br perempuan, wanita;

bini-binian **1.** suka berkahwin (bkn orang laki-laki), kerap kali berkahwin; **2.** bini yg tidak sah, gundik; *orang ~, beranak tak boleh disuruh* prb pekerjaan yg tidak tetap selalu mendatangkan rugi;

berbini mempunyai bini, sudah berkahwin (bkn laki-laki): *sedangkan orang yg tiada berpekerjaan lagi ~, inikan pula engkau yg berpendapatan besar; apa sakit ~ janda, anak tiri boleh disuruh = elok ~ orang tua, perut kenyang pengajar dapat* prb orang yg berkahwin dgn janda (perempuan tua) selalu manja pd isterinya (cemuh kpd orang berbini tua);

berbinikan berkahwin dgn (bagi laki-laki);

membinikan bersetubuh dgn: *maksud cicak jantan tercapai, ~ cicak yg dikejanya itu;*

memperbini menjadikan bini, mengahwini: *saja akan diperbininya juga puteri itu oleh Patih Gajah Mada;*

memperbinikan mengahwinkan: *anak laki-lakinya itu hendak diperbinikannya dgn anak orang kaya;*

pebinian Br isteri.

binjai sj tumbuhan (pokok dan buah), *Mangifera caesia*.

binjat Mn ark; **membinjat** mengangkat.

binokular alat yg terdiri drpd sepasang teleskop kecil utk melihat objek jauh agar kelihatan lebih besar dan lebih jelas.

binomial 1. (Mat) ungkapan yg terdiri drpd dua unsur (mis $x + y$); **2.** (Bio) nama haiwan atau tumbuhan yg terdiri drpd dua unsur (utk pengelasan mengikut genus dan spesies).

bintal → **bintil**.

bintalak Mn ark batas ladang.

bintang I 1. salah satu cakerawala (yg beribu-ribu banyaknya) yg mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pd waktu malam: *di langit tiada bulan yg mengambang dan tiada ~ yg mengerlip*; **2.** gugusan bintang yg merupakan lukisan (benda atau binatang): *~ biduk; ~ pari*; **3.** rasi (dua belas gugusan bintang dlm mintakulburuj atau garis lengkung di langit): *~ mayang (virgo)*; **4.** nasib, untung; *~nya sudah jatuh* nasibnya sudah mulai buruk; **5.** pingat (tanda kebesaran atau jasa): *beliau dikurniai ~ kehormatan kerana jasanya kpd masyarakat*; **6.** benda (lukisan) yg menyerupai bintang: *bendera bulan ~; ~ tanjung*; **7.** orang yg terkemuka (terkenal) dlm lapangan sukan (filem dll): *~ bola sepak; ~ filem; ~ radio*;
~ barat (timur, johar, kejora, pagi, zorah, babi penganjur) bintang yg kelihatan terang pd petang dan dinihari; *~ belantik (tiga beradik)* gugusan bintang tiga buah yg tampak besar dan terang; *~ beralih* = *~ gugur* bintang yg berpindah atau jatuh; *~ berapit* dua bintang yg berdekatan; *~ berasap (berekor, berbuntut, berkotek, sapu)* bintang yg tampak spt berekor atau berasap; *~ beredar (siarah, sayarat)* planet yg berada di cakerawala spt planet Marikh, Musytari, Zuhal, Utarid, dll; *~ biduk (jong)* gugusan tujuh bintang yg kelihatan di langit Hemisfera Utara; *~ dua belas zodiak*; *~ gandingan* pelakon yg digandingkan dgn pelakon lain yg sama pentingnya dlm sesebuah filem; *~-gemintang (-kemintang, -mintang)* berbagai-bagai bintang; *~ hati* kekasih; *~ kala* sj gugusan

bintang; ~ *laut* sj binatang laut (bentuknya spt bintang); ~ *mayang* sj gugusan bintang; ~ *pari (tohok)* gugusan bintang yg berupa salib; ~ *sapu* bintang berasap; ~ *tanjung* Id tanda pangkat tentera atau polis yg menyerupai bintang (drpd emas atau perak); *B~ Tiga* golongan komunis yg hendak merampas kekuasaan di Tanah Melayu pd masa kekalahan Jepun; ~ *tujuh* gugusan bintang yg tujuh banyaknya; *ilmu* ~ ilmu falak, astronomi;

~ *di langit dapat dibbilang, tetapi arang di mukanya tak sedar* prb kesalahan orang lain tampak, kesalahan sendiri tidak sedar; *sepuluh* ~ *bertabur, bolehkah sama dgn bulan yg satu* prb tempat menamatkan kasih sayang yg sesungguhnya itu tidak dapat diganti (walaupun berpuluh penggantinya);

sebintang serasi, sesuai, secocok;

berbintang ada bintang, mempunyai (memakai dll) bintang: *langit tiada* ~;

~ *gelap* bernasib buruk, sial; ~ *naik* baru mula mujur; ~ *terang* bernasib baik, mujur;

berbintang-bintang **1.** banyak bintangnya (di langit dll): *langit bersih* ~; **2.** = **bintang-bintangan** berpendar-pendar, berkunang-kunang (mata): *apabila aku keluar bilik itu, pandanganku* ~; **3.** = **bintang-bintangan** berlubang-lubang dan ditembusi cahaya (atap, dinding, dll): *dia mendongak melihat atap rumah yg* ~ itu;

membintang memainkan peranan sbg bintang (filem, sandiwara, dsb): *seniwati yg* ~ peranan *Puteri Bidasari*;

bintangan **1.** bintang tiruan; **2.** ark gugusan bintang;

perbintangan ilmu bintang, ilmu tenung (ramalan).

bintang II; ~ *berahi* sj tumbuhan (rumpai), peria bulan, uban kayu, *Cardiospermum halicacabum*; ~ *kuning*, a) = ~ *merah* sj

tumbuhan (pokok), akar bunga, cempaka hutan, *Mussaenda mutabilis*; b) sj tumbuhan (pokok), *Hippocrates macrantha*.

bintang III Sr bekas yg berbentuk spt besen dan bertudung (tempat menaruh bawaan dll).

bintangur sj tumbuhan (pokok), penaga laut, bakakol, entangor, *Calophyllum spp.*

bintara Id pegawai rendah (tentera).

bintat bengkak kecil pd kulit, biasanya gatal dan merah warnanya, akibat gigitan serangga, alahan, dll.

binti I 1. anak perempuan kpd (digunakan pd nama orang): *Aminah ~ Abdullah*; **2.** bp nama ayah: *susah nak memastikan sama ada dia itu lelaki ataupun perempuan sebelum mendengar bin ataupun ~nya*;

berbinti mempunyai binti: *dia menulis namanya sahaja dgn tidak ~*;

berbintikan mempunyai (memakai) nama seseorang (bapa angkat dsb) sbg nama ayah: *Fatimah ~ bapa angkatnya*;

membintikan memberikan atau membubuh nama bapa kpd anak perempuan: *setiap umat Islam yg mengambil anak angkat perempuan perlu ~ anak tersebut dgn nama bapa kandungunya*.

binti II ark → **biti**.

binti-binti 1. sj burung, raja udang, *Alcedo meninting verreauxii*; **2.** sj burung, pekaka api, *Ceyx erithacus erithacus*.

bintik 1. titik pd kulit (kerana kena panas dll); **2.** titik pd sesuatu benda: *air hitam yg banyak ~ buih naik dr dalamnya; ~ perang sj penyakit pokok (kelihatan bintik-bintik perang)*;

berbintik, berbintik-bintik ada titik-titik, bertitik(-titik): *mukanya pucat tiada ~ warna apa pun; peluh berbintik-bintik halus terpancar keluar dr dahinya*.

bintil 1. bengkak-bengkak kecil pd kulit (kerana digigit nyamuk dll); 2. butir kecil (pd akar kekacang dll);

berbintil menjadi atau berbentuk bintil: *berus yg terlalu rapat matanya akan menyebabkan maskara bergumpal atau ~; baja sebatian ~;*

berbintil-bintil berupa atau berbentuk banyak bintil: *akar pohon yg rimbun itu timbul dan ~; najis kambing yg sihat dikatakan ~ dan pejal.*

bintit → **bintat**.

bintuh sj bubu (tangguk) utk menangkap ketam (udang dll); jenis-jenisnya: *~ cacat, ~ campak.*

bintul bintil (kerana digigit nyamuk).

bintur → **bintuh**.

binturung sj musang (rupanya spt beruang kecil), *Arctictis binturong*.

binuang sj tumbuhan (pokok), *Octomeles sumatrana*.

bio- awalan asing berkaitan dgn benda-benda hidup, berkaitan dgn kehidupan (terutamanya manusia), mis *biologi* dan *biografi*.

bioastronautik kajian tentang kesan astronautik terhadap kehidupan haiwan atau tumbuh-tumbuhan.

biocerakin (Bio) kaedah menentukan kesan biologi sesuatu bahan, faktor, dll dgn menggunakan organisma hidup.

biodata maklumat ringkas tentang diri seseorang (penulis, penceramah, dll), spt nama, kelulusan, sumbangan, dsb: "*Penemuan*" memuatkan 30 buah sajak dgn *~ singkat para penyumbangny*a.

biodegradasi (biodégradasi) proses pereputan atau penguraian bahan organik spt sisa makanan, kertas, daun dll secara semula jadi oleh mikroorganisma spt bakteria;

terbiodegradasikan dapat diuraikan atau direputkan melalui tindakan biologi oleh mikroorganisma spt bakteria: *cecair pencuci lantai itu menggunakan bahan ~ yg lebih selamat.*

biodiversiti kewujudan berbagai-bagai spesies tumbuhan dan haiwan dlm persekitaran semula jadi mereka: *Sarawak merupakan salah satu tempat di dunia yg memiliki ~ tertinggi;*

berbiodiversiti mempunyai biodiversiti: *batu karang merupakan suatu ekosistem marin yg ~ tinggi dan perlu dikawal dan dijaga.*

bioekologi (bioékologi) kajian ekologi yg memberikan penekanan yg sama pd haiwan dan tumbuhan.

bioenergetik (bioénergétik) kajian tentang perubahan bentuk tenaga dlm organisma hidup.

biofizik kajian tentang proses biologi yg berdasarkan prinsip fizik.

biofizikal bkn biofizik: *aspek-aspek ~.*

biogas gas yg dihasilkan melalui tindakan bakteria ke atas bahan buangan organik, dan digunakan sbg bahan api.

biogenesis (biogénesis) (Bio) teori yg menyatakan bahawa organisma terbentuk hanya drpd benda hidup sahaja.

biogeografi (biogéografi) kajian geografi bkn taburan tumbuhan dan haiwan dan sebab-sebab terjadinya taburan itu.

biografi **1.** riwayat atau kisah hidup seseorang; **2.** cabang sastera yg berkaitan dgn riwayat atau kisah hidup seseorang.

biojisim (Bio) jumlah jisim keseluruhan organisma hidup yg terdapat pd sesuatu kawasan.

biokimia sains yg melibatkan kajian tentang proses-proses kimia yg berlaku pd benda-benda hidup.

bioklimatologi kajian tentang kesan keadaan iklim terhadap organisma hidup.

biola alat muzik yg dimainkan dgn penggesek, rupanya spt violin, tetapi lebih besar sedikit dan mengeluarkan bunyi yg lebih rendah; *tak dan menggesek ~ hendak menari dahulu* prb berbuat sesuatu sebelum sampai masanya;

berbiola **1.** mempunyai biola; **2.** bermain (menggesek) biola: *engkau bersuling, aku ~.*

biolinguistik cabang linguistik yg mengkaji keadaan biologi dlm perkembangan dan penggunaan bahasa di kalangan manusia, termasuk dr segi sejarah bahasa sesuatu bangsa dan perkembangan bahasa pd diri individu.

biologi sains yg berkaitan dgn struktur, fungsi, perkembangan, taburan, dan proses hidup pd benda hidup.

biom (Bio) kawasan geografi yg luas yg di dalamnya terdapat komuniti haiwan dan tumbuhan yg serupa dr segi bentuk.

biometeorologi (biométéorologi) kajian tentang kesan keadaan cuaca terhadap organisma hidup.

biometri (biométri), **biometrik** (biométrik) kajian tentang data biologi secara analisis statistik.

bionik **1.** mempunyai kuasa yg luar biasa (spt kekuatan, kepantasan, dsb) lebih drpd keupayaan manusia biasa; **2.** (Komp) ilmu yg berkaitan dgn reka bentuk dan pembuatan perkakasan elektronik yg fungsi atau kendaliannya serupa dgn fungsi atau kendalian sesuatu sistem biologi.

biopendar (Bio) penghasilan cahaya oleh organisma tertentu (spt kelemayar, kunang-kunang, dll).

biopsi (Ubat) pengasingan sel, tisu, atau cecair tubuh drpd pesakit utk mengkaji ciri-ciri sesuatu penyakit atau utk mengesan bahagian tubuh yg mengalami jangkitan.

bioritma (Bio) sesuatu kitaran proses biologi yg berlaku berulang kali yg dikatakan mempengaruhi aktiviti intelektual, fizikal dan emosi seseorang.

BIOS akronim bagi *Basic Input/Output System (Sistem Input/Output Asas)*.

biosains sains tentang ilmu biologi.

biosatelit satelit yg direka bentuk utk membawa haiwan atau tumbuhan bagi tujuan kaji selidik.

biosfera (biosféra) bahagian bumi dan atmosfera yg boleh dihuni oleh benda-benda hidup.

biosid bahan kimia beracun yg boleh membunuh organisma hidup.

biosintesis (biosintésis) penghasilan molekul kompleks dlm organisma hidup.

bioskop IB wayang gambar.

biot Pr degil.

biota (Bio) tumbuhan dan haiwan yg terdapat di sesuatu kawasan.

bioteknologi (biotéknologi) kegiatan atau kajian yg menggunakan mikroorganisma, sistem biologi, atau proses biologi dlm industri pengeluaran dan perkhidmatan utk menghasilkan produk spt antibiotik, vaksin, keju dll.

biotelemetri (biotéléométri) cara mengesan pergerakan sesuatu haiwan dgn memasang alat pengesan pd haiwan berkenaan.

bip; *bunyi* ~ bunyi nyaring yg ringkas spt yg keluar dr alat elektronik spt komputer, telefon bimbit dsb, biasanya sbg isyarat tentang sesuatu.

bir sj minuman keras;

~ *draf* bir yg disimpan di dlm atau disajikan dr tong; ~ *halia* minuman berperisa halia, yg tidak beralkohol atau yg mengandungi sedikit alkohol; ~ *hitam* sj bir yg berwarna hitam.

bir Kl tepi.

birah **1.** sj tumbuhan (herba), *Alocasia indica*; ~ *air* sj tumbuhan (herba), *Aglaonema marantifolium*; ~ *hitam* = ~ *kilang* sj tumbuhan (herba), *Alocasia denudata*; ~ *kecil* sj tumbuhan (herba), *Typhonium roxburghii*; ~ *keladi* sj tumbuhan (herba), *Colocasia esculentum*; ~ *putih* sj tumbuhan (herba), *Alocasia spp.*;
2. sj tumbuhan (pokok), *Fagraea crenulata*; **3.** ki gatal, gasang;
spt ~ tumbuh di tepi lesung prb perihal budak yg lekas besar (subur badan);

kebirahan kegatalan.

birai **1.** selusur (pagar pd titi dll), langkan: ~ *masjid*; **2.** tepi, bingkai: ~ *kain*; **3.** tepi muka surat yg tidak bercetak (bertulis); ~ *hias* a) (S.bina) corak atau hiasan timbul pd pertemuan antara dinding dgn siling, biasanya dibuat drpd plaster paris, kornis; b) ukiran hiasan pd tepi perabot, tingkap dsb; c) hiasan pd birai buku.

biram sl **1.** gajah: ~ *berjuang*; **2.** ular yg berkepala pd kedua-dua pangkal badannya (dlm cerita dongeng); **3.** merah.

biramani kalung manik emas yg bercampur dgn manik lain.

biras hubungan saudara antara dua orang (sama ada lelaki atau perempuan) yg berkahwin dgn dua adik-beradik;

berbiras mempunyai hubungan saudara selaku biras.

birat **1.** parut di bibir (bekas kurap, luka, dll); **2.** bekas kena pukul dgn rotan dll;

berbirat mempunyai bekas kena pukul dgn rotan dll: *tapak tangannya ~ dicium rotan.*

birdi (dlm permainan golf) skor yg kurang satu pukulan di bawah par: *dia menyudahkan sembilan lubang pertama dgn lima ~; dia membuat ~ pd lima lubang pertama.*

biri-biri sj binatang ternak (spt kambing) yg berbulu tebal, ditenak utk bulu atau dagingnya, *Ovina spp.*

birih birai, tepi.

biring I sj penyakit kulit (berbintik-bintik dan gatal), ruam: *leher anaknya penuh dgn ~ keringat*;

~ *panas* biring kerana kena panas; ~ *peluh* = ~ *keringat* biring kerana peluh.

biring II merah kekuning-kuningan (bkn bulu ayam); *ayam ~ ayam* (jantan) yg berbulu biring; ~ *sangka naning* warna serupa tabuhan (ayam); ~ *sikunani* Mn sj ayam yg tidak dapat dialahkan.

biring III tepi (pd paip tempat menyambung paip lain dll); → **tembereng**.

biring IV = *rumpun* ~ sj tumbuhan (herba), *Hedyotis pinifolia*.

birir Jk pantat;

terbirir, terbirir-birir 1. terberak-berak, tercirit-cirit; **2.** lari dgn cepat (kerana ketakutan dll).

biro jabatan atau agensi (terutama yg menyediakan perkhidmatan utk orang ramai): *B~ Guaman Negara*.

birokrasi 1. sistem pemerintahan atau pentadbiran yg dikendalikan atau dijalankan oleh pegawai-pegawai kerajaan (yg tidak dipilih oleh rakyat); **2.** cara pemerintahan atau pentadbiran dgn pegawai-pegawai kerajaan yg mempunyai kuasa yg besar; **3.** cara pentadbiran yg melibatkan berbagai-bagai peringkat atau proses pengurusan dan banyak peraturan;

membirokrasikan 1. mengamalkan sistem pemerintahan yg dijalankan oleh para pentadbir; **2.** ki mengamalkan cara pentadbiran atau pengurusan yg banyak peraturan (kerenah dll): *tindakan ~ urusan permohonan tender baru ini mengakibatkan ramai kontraktor mengeluh kehampaan*;

pembirokrasian perihal membirokrasikan sesuatu: ~ *ini banyak mempengaruhi perkembangan universiti di Malaysia*.

birokrat **1.** pegawai yg bertindak secara birokrasi; **2.** anggota birokrasi.

birokratik berdasarkan (bersifat) birokrasi, secara birokrasi: *amalan*
pengurusan yg dahulunya berbentuk autokratik dan ~.

birsam Id sj penyakit radang pd selaput dada.

biru I warna spt warna langit (ketika hari terang) atau laut; ~ *langit* biru spt warna langit; ~ *laut* biru spt warna laut; ~ *lebam* biru gelap; ~ *merak* warna biru kehijauan yg terang; ~ *muda* biru keputih-putihan; ~ *nila* warna biru tua keunguan; ~ *tua* biru gelap;

membiru menjadi biru, tampak (kelihatan) biru: *kemuncak*
Gunung Ledang yg tadinya ~ telah diselaputi awan;

membirukan menjadikan (mewarnakan) biru;

kebiru-biruan, kebiruan agak biru, sedikit biru.

biru II; *haru-~;* → **haru.**

biru-biru lipat-lipatan (pd tepi kain, tirai, dll);

membiru-biru sl ark dilipat-lipat: *kain, baju, destar dibiru-biru.*

bis I IB peti surat;

dibiskan bp dimasukkan ke dlm peti surat.

bis II IB = *oto~* bas (motokar utk mengangkut orang banyak).

bis III IB **1.** dua kali, sekali lagi, diulang (nyanyian dll); **2.** tambahan pd fasal undang-undang.

bisa I 1. bahan beracun yg terdapat pd sesetengah jenis binatang (spt ular, kala, labah-labah, dsb), yg dipindahkan kpd mangsanya dgn cara mematuk (menggigit, menyengat, dsb); **2.** kesan yg menyebabkan kesakitan yg amat sangat (drpd senjata spt keris, tombak, peluru, dsb): ~ *keris Taming Sari*; **3.** kesan yg menyakitkan atau membahayakan yg diakibatkan oleh benda-benda tajam (spt paku, kuku, taring, buluh, dsb): ~ *paku berkarat*; **4.** terlalu sakit sehingga tidak tertahan (bkn sengatan, patukan, tikaman, penyakit, dsb): *aduh, ~nya penyakitku ini!* **5.** ki

menyakitkan hati atau perasaan (bkn kata-kata), pedas: *mulutnya memang ~*;

~ *kawi* kekuatan ghaib (spt tulah dsb) yg menimpa orang kerana melanggar adat dsb; *adakah hilang ~ ular menyusup di bawah akar* prb orang besar itu tidak hilang martabatnya kalau ia merendahkan diri; *alah ~ tegal biasa* prb bahaya hilang kerana kebiasaan; *pisau senjata tiada ~, ~ lagi mulut manusia* prb lebih sakit lagi dilukai dgn kata-kata drpd dgn senjata;

berbisa mengandungi bisa;

kebisaan kena bisa, menderita kerana kena bisa: *Dang Suala pun sangatlah kesakitan ~ bedil itu.*

bisa II Id boleh, dapat, mungkin: *tenaga masih ~ dipergunakan; saya ~ melanjutkan sekolah; ~ jadi; mana ~ kita menang;*

sebisanya sedapat-dapatnya;

kebisaan kesanggupan, kecekapan.

bisa III; *akar ~* sj tumbuhan (pokok renek), akar katup-katup, akar memali, *Sphenodesma triflora*.

bisai sl elok, molek, pesolek: *anak muda yg ~; spt ~ makan sepinggan* prb berpatutan benar.

Bisaya suku kaum peribumi di Sarawak dan Sabah.

biseks (biséks) (Bio) mempunyai organ pembiakan jantan dan betina pd organisma (tumbuhan dan haiwan) yg sama, mis cacing, jagung dan tumbuhan berbunga.

biseksual (biséksual) cenderung utk melakukan hubungan seks dgn lelaki dan juga wanita (bkn orang).

bisektris (biséktris), **bisektrise** (biséktrise) IB garis lurus yg membahagi dua sudut.

biseps (biséps) (Bio) otot yg terdapat di bahagian depan lengan atas yg berfungsi utk membengkokkan lengan.

bisik = **bisikan**;

bisik-bisik desas-desus: *ada ~ mengatakan dia akan berkahwin tidak lama lagi*;

berbisik, berbisik-bisik **1.** bercakap dgn suara yg perlahan (kpd seseorang atau sesuatu kumpulan supaya tidak didengar orang lain di sekitarnya): *dia memanggil dgn suara yg sangat perlahan, spt orang ~ bunyinya*; **2.** = **bisik-bisik** secara diam-diam (sehingga tidak didengar atau diketahui orang): *mereka berbincang dgn cara bisik-bisik*; **3.** ki berhembus dgn bunyi yg perlahan (bkn angin): *malam yg hening, terdengar angin ~; ~ kedengaran, berimbau kelampauan* prb sangat dekat antara orang yg bercakap dgn orang yg mendengar;

membisiki bercakap kpd seseorang dgn berbisik, memberitahu sesuatu kpd orang secara diam-diam: *segera datang kawan saya ~ saya*;

membisikkan **1.** memberitahukan dgn berbisik, memberitahukan dgn diam-diam: *ia membongkok dan ~ sesuatu ke telinga anaknya*; **2.** mengucapkan sesuatu dgn suara yg perlahan: *~ kalimah syahadat; ~ doa*; **3.** mengilhamkan (dlm hati);

bisikan **1.** sesuatu yg dibisikkan; **2.** perihal membisiki atau membisikkan; *~ hati kata hati; ~ gajah* Kl bisikan yg dapat didengar orang lain; **3.** ilham;

pembisik **1.** orang yg berbisik; **2.** Id orang yg mengatakan apa yg harus diucapkan oleh pemain dlm sandiwara; **3.** orang yg membacakan skrip (drama, teater, filem dsb) dgn perlahan kpd pelakon yg terlupa akan dialog semasa pementasan, penggambaran dsb diadakan.

bising **1.** bunyi yg memekakkan telinga, riuh, hingar: *~ sungguh bunyi kedua-duanya bertengkar; walaupun begitu ~ kereta api bergerak*,

*hatinya tidak bimbang; 2. pekak telinga (kerana riuh dll): ~
telingaku;*

membising berbunyi bising: *dr rumah kedengaran bunyi gelak ~;*

membisingi menyebabkan bising pd seseorang: *bapanya selalu ~
ibunya;*

membisingkan menyebabkan bising;

kebisingan perihal bising.

biskop Id pembesar agama Katolik, uskup.

biskut sj kuih kering yg dibakar, biasanya leper, nipis, dan rangup.

bismillah, bismillahi Ar dgn nama Allah.

bismut (Kim) sj unsur logam yg digunakan utk membuat ubat, kosmetik,
aloi, dll.

bismutinit (Kim) sj mineral berwarna kelabu yg terdiri drpd sulfida
bismut, yg merupakan sumber bismut.

bison sj binatang liar spt kerbau (terdapat di Amerika Utara) yg pendek
tanduknya, bahagian depannya besar dan belakangnya berponok,
Bison bison.

bissawab; *wallahualam ~* Ar dan Allah yg lebih mengetahui yg
sebenarnya.

bistro (Perancis) restoran kecil.

bisu tidak dapat bercakap (kerana rosak alat pertuturan atau kerana tuli
sejak lahir), kelu, gagu; ~ *tuli bisu dan tuli; filem ~* filem yg tidak
bersuara;

bagai si ~ berasian, terasa ada terkatakan tidak prb tidak dapat
mengatakan sesuatu walaupun tahu; *yg ~ penggera (penghalau)*
ayam prb seseorang itu bagaimanapun bodoh atau lemahnya ada
juga gunanya;

berbisu berdiam diri, tidak mahu bercakap;

membisu berdiam diri, tidak mahu bercakap, tidak memberi khabar: *ia diam ~;*

kebisuan 1. keadaan bisu: *~nya berpunca drpd kerosakan organ pertuturannya;* **2.** keadaan sunyi sepi kerana orang-orang yg berada di sesuatu tempat itu membisu: *dlm ~ itu, aku mulai berasa hairan dan bingung;*

pembisuan perihal (sikap) membisu: *~ orang-orangnya ditafsirkan sbg satu persetujuan.*

bisul bengkak yg bernanah dan bermata pd kulit;

~ gusi bengkak merah yg mengandungi nanah pd gusi gigi; *~ lada* sj bisul kecil yg amat sakit; *~ sabut* bisul besar yg banyak matanya; *~ selinap* bisul yg tidak pecah (tetapi lama-kelamaan lisut); *sbg ~ hampir memecah* prb kesulitan yg hampir diatasi.

bit I sj tumbuhan (sj ubi);

~ gula bit putih yg dibuat gula; *~ merah* sj bit merah yg dibuat sayur.

bit II (Komp) kep *binary digit* (digit perduaan).

bitara tiada taranya, hanya satu-satunya.

bitbit; *burung* ~ sj burung, burung pitpit, burung mati anak, *Cacomantis merulinus threnodes*.

biti; *~ perwara* = **biti-biti** hamba perempuan di istana.

biting Jw penyemat yg dibuat drpd lidi atau buluh (utk menyemat daun pembungkus).

bitis sj tumbuhan (pokok), kayu belian, *Madhuca spp.*

bito Kl sj alat utk menangkap ketam.

bitu Id bocor, pancit (tayar).

bitumen (bitumén) bahan melekit yg berwarna hitam yg diperoleh drpd petroleum (biasanya digunakan utk membuat jalan).

biuku sj kura-kura, *Notochelys platynota*; *mata* ~ mata yg suram (tidak berseri-seri).

biul bp tidak begitu waras fikiran, kemamar, sewel: *dia menjadi ~ setelah lamarannya meminang Zaleha ditolak.*

bius 1. = *ubat* ~ sj ubat yg boleh melalikan atau membuat seseorang tidak sedar diri (pengsan dsb): *macam orang telah kena ~*; **2.** keadaan tidak sedar diri (kerana dibius): *sedar drpd ~*;

membius menyebabkan berasa lali atau tidak sedar dgn memberi ubat bius: *~ pesakit supaya tidak sedar*;

kebiusan 1. perihal bius (tidak sedar); **2.** menjadi tidak sedar kerana dibius;

pembiusan perihal (proses, perbuatan, dsb) membius.

biut I ark tidak mahu sembuh-sembuh (penyakit).

biut II ark; *biang*-~ geliang-geliut, incang-incut.

biwa sj gitar tradisional orang Jepun.

bkn kep berkenaan (dengan).

Bkt. kep Bukit: ~ *Cina*.

B.L. kep Barat Laut.

Black Maria sj kenderaan polis yg berupa van atau trak utk mengangkut banduan ke penjara dsb.

blangkong Jw sj tengkolok jawa.

blaster Id; *anak* ~ anak campuran (peranakan).

blaus baju pendek wanita, panjangnya hingga ke pinggang atau lebih panjang lagi.

blazer jaket (biasanya berwarna khas dan berlencana), dan dipakai oleh anggota sesebuah kumpulan (institusi, kelab, dsb).

Bld. kep Belanda.

blefarisme (bléfarisme) (Ubat) spasma kelopak mata yg menyebabkan kelipan mata yg berterusan.

blefaritis (bléfaritis) (Ubat) radang kelopak mata.

blefaroplasti (bléfaroplasti) (Ubat) pembedahan plastik ke atas kelopak mata.

blok I gabungan (negara, parti, dll) yg sama kepentingannya dan yg bertindak ke atas isu tertentu: *kedua-dua negara yg berselisih itu bersabit dgn ~-~ dunia; perselisihan antara ~ Barat dan ~ komunis.*

blok II bongkah kayu, logam atau bahan lain yg mempunyai reka bentuk timbul terguris, atau terukir, digunakan utk mencetak atau mengecap kulit buku dll.

blok III 1. bangunan besar yg di dalamnya terdapat beberapa unit rumah, pejabat, asrama, kedai dsb dibina secara bertingkat-tingkat atau berderetan: *hampir semua penghuni di ~ 135 telah pun lena dibuai mimpi;* **2.** Id daerah perumahan (bahagian) kampung (kota dll); **3.** Id gulungan kain, kayu.

blok IV; memblok bp merintang pergerakan (perjalanan dsb) sesuatu, menghalang, menyekat: *kotak-kotak besar yg bertaburan itu telah ~ jalan kenderaan; keretanya tidak dapat keluar kerana telah diblok oleh kereta lain.*

blokade IB pengepungan sesuatu daerah (pelabuhan dll) sehingga perhubungannya dgn dunia luar terputus;

memblokade mengepung sesuatu daerah (pelabuhan dll) sehingga perhubungannya dgn dunia luar terputus.

blokir Id; **memblokir 1.** mengepung sesuatu daerah (pelabuhan dll); **2.** menahan supaya tidak dapat keluar masuk dll (wang dlm bank dll);

pemblokiran perihal (tindakan dsb) memblokir.

blues (Muz) sj muzik berirama perlahan dan sayu yg berasal dr kalangan orang kulit hitam di Amerika Syarikat.

blurb keterangan ringkas penerbit tentang isi sesebuah buku pd jaket, kulit belakang buku, dll .

BMA kep *British Military Administration* (Pentadbiran Tentera British di Tanah Melayu ketika tamat Perang Dunia Kedua).

BMKN Id kep Badan Mesyuarat Kebudayaan Nasional.

Bn. kep batalion.

bo Kl sudah, jangan lagi.

bob bp gaya rambut utk wanita dan kanak-kanak yg rambutnya dipotong pendek dgn sekata di sekeliling kepala.

bobek (bobék) Kl merepek.

bobok I; membobok menggelobok, merobok (apabila botol kosong dibenamkan ke dlm air).

bobok II tidur (utk kanak-kanak): *tidurlah, ~lah, anakku;*

membobokkan menidurkan (kanak-kanak).

bobok III Jw; **membobok** membuat lubang (pd buluh, tembok, dll).

bobok IV Kl tidak ada tujuan (perbuatan, perkataan).

bobol Jk rosak dan hanyut (bendungan, jambatan, dll).

bobos I tembus (berlubang besar) kerana pecah (sobek dll);

membobos menembus.

bobos II sakit cirit.

bobot Jw berat sesuatu: *berapa kati ~nya?*

bobotok Mn sj lauk.

bobrok Jw rosak, binasa: *rumah yg sudah ~; masyarakat yg serba ~ ;*

membobrokan merosakkan, menghancurkan: *korupsi ~ negara itu;*

kebobrokan perihal bobrok: *~ negara itu disebabkan oleh keadaan ekonomi yg merosot; Rizal dikatakan telah berjaya menyedarkan rakyat Filipina yg tertindas tentang ~ hidup di bawah tekanan kolonialisme.*

bocah Jw anak, budak; ~ *angon* budak gembala.

boceh (bocéh) Kl buncit, berperut besar.

bocok kain (sj kelambu) penutup buaian kanak-kanak.

bocong 1. sj kendi, buyung **2.** Kl termos.

bocor 1. lubang tiris (atap, perahu, dll), lubang pancit (tayar): *atap ini sudah ada ~nya; membunuh ~* menutup lubang tiris; **2.** berlubang hingga air atau angin dapat tembus, tiris: *atap ini sudah ~ benar;* **3.** terbuka rahsia, sudah diketahui orang (rahsia dll): *kertas peperiksaan tahun ini ada yg ~;* **4.** bp selalu buang air; ~ *mulut* tidak dapat menyimpan rahsia, tidak dapat menutup mulut;

membocorkan 1. menjadikan bocor (tiris dll); **2.** menjadikan diketahui orang (rahsia dll): *ada orang yg telah ~ rahsia itu;*

bocoran 1. lubang yg menyebabkan air atau angin dapat keluar (masuk); **2.** air yg keluar atau masuk melalui benda yg bocor;

kebocoran 1. perihal bocor: *siapa yg bertanggungjawab atas ~ rahsia itu?* **2.** mengalami bocor: *sampan itu tidak dapat belayar kerana ~;*

pembocoran perihal (perbuatan) membocorkan: ~ *rahsia;*

pembocor orang yg membocorkan (rahsia).

bodek (bodék) **1.** bk kemaluan laki-laki; **2.** = *sakit* ~ burut: *burut atau ~ ialah penyakit pasang-pasang;* **3.** bp mengangkat, mengampu, mencari muka: *dia kuat ~, sebab itu dapat naik pangkat;*

membodek menyanjung, memuji dsb seseorang dgn tujuan mendapatkan sesuatu daripadanya, mengampu: *sesiapa yg pandai ~ ketua, barangkali dialah yg akan mendapat penghargaan;*

pembodek orang yg suka membodek, pengampu.

bodi I sl sj pokok beringin: *maka diikuti oleh baginda ke atas bukit, maka bertemu di bawah ~;* daun ~ a) daun beringin; b) sj ukiran (hiasan pd pelamin).

bodi II bp badan (orang, kereta, dll).

bodoh sukar mengerti atau mempelajari sesuatu, bebal, dungu, tolol: ~ *sangat budak ini; masa ~ Id a) tidak acuh, tidak menghiraukan: dlm hal ini kita tidak boleh bersikap masa ~; b) perkara awak (bukan soal saya): itu masa ~ awak;*

~ *alang* agak bodoh; ~ *sepat* nampaknya bodoh, tetapi sebenarnya tidak; ~ *sombong* tidak cerdik, tetapi enggan pula menerima fikiran, pertolongan, dsb orang lain;

sebodoh-bodoh bagaimana (betapa) bodoh sekalipun: ~ *aku, rasanya aku tidak akan menyerah kalah dgn begitu sahaja;*

membodohkan 1. menjadikan bodoh, membiarkan bodoh: *budak itu dibodohkan oleh emak tirinya dgn tidak memasukkannya ke sekolah; 2.* menganggap bodoh; **3.** mengakali, menipu: *aku hendak tahu apa maksudmu ~ aku;*

kebodohan 1. perihal bodoh, kebebalan, kedunguan, ketololan; **2.** Jk kesalahan, kekeliruan;

kebodoh-bodohan agak bodoh.

bodok sakit kusta (pd peringkat permulaan).

bodong I Jw bujal; *jeruk ~ limau nipis.*

bodong II ark angin badai.

bodor (Sunda); *tukang ~ tukang lawak;*

bodoran lakonan selingan yg mengalih perhatian orang drpd lakonan yg utama.

boga sl kesukaan; *sempana pergam ~ nama sj kapal utk bersenang-senang.*

bogam kepingan emas dll yg kecil-kecil utk perhiasan tajuk.

bogang ark; *telanjang ~ telanjang bulat.*

bogel (bogél) **1.** tidak memakai sebarang pakaian, telanjang: *dia dijumpai mati dlm keadaan ~; telanjang ~ telanjang bulat; bunga*

~ bunga yg tidak mempunyai ranggi; **2.** tidak mempunyai sebarang hiasan (di badan, di dlm bilik, di rumah, dsb): *dia ~ saja, tidak ada satu pun barang kemas di badan; ruang tamunya ~ saja;*

berbogel bertelanjang: *anaknyanya yg masih kecil ~ lagi;*

membogelkan menelanjangan: *dia ~ anaknyanya sebelum memandikannya;*

kebogelan dlm keadaan bogel.

bogem Jk; ~ *mentah* bp tinju, kepalan tangan.

bogi = *kereta* ~ sj kereta kuda.

bogot ark buruk sekali; *hitam* ~ hitam sangat.

boh bunyi lembu;

mengeboh mengeluarkan bunyi boh (bkn lembu).

bohemian (bohémian) orang (terutamanya orang seni) yg cara hidupnya tidak mengikut adat kebiasaan masyarakat di sekelilingnya.

bohjan bp gelaran remaja lelaki yg suka melepak, berpelesiran, berfoya-foya, dan sering terlibat dlm kegiatan maksiat: *masyarakat rimas melihat anak-anak muda yg tak tentu hala, menjadi bohsia, ~ dan penagih dadah.*

bohlam Id, bp bal elektrik.

bohong berlainan drpd yg sebenarnya (cerita, keadaan, dll), dusta, karut, palsu: *ia membuat pengaduan ~; cakap ~; ~ sunat* bp berbohong dlm perkara kecil yg terpaksa dilakukan, yg kononnya bertujuan utk menjaga hati sesuatu pihak, mengelakkan sebarang masalah dsb;

berbohong, membohong bercakap bohong, berdusta: *dgn Anisah dia tidak pernah ~;*

membohongi bercakap bohong kpd, mendustai: *boleh jadi ia telah ~ aku;*

membohongkan **1.** menganggap bohong, mengatakan bohong; **2.** Id menyangkal, mengingkari: *dibohongkannya segala keterangan saksi itu;*

kebohongan perihal bohong, sesuatu yg bohong;

pembohongan perbuatan membohong(i) atau membohongkan, pendustaan;

pembohong **1.** orang yg suka membohong; **2.** suka membohong.

bohorok = *angin* ~ sj angin yg kencang (di Sumatera Timur).

bohsia bp gelaran remaja perempuan yg suka berpelesiran, berfoya-foya, melepak, dan sering terlibat dlm kegiatan maksiat: *awek ~; gadis ~.*

boi I budak suruhan (lelaki), pelayan.

boi II sj tumbuhan (pokok memanjat), akar biji, akar musiang, ipuh akar putih, *Roucheria griffithiana*.

boikot; memboikot enggan berurusan dgn (seseorang, organisasi, dll), biasanya utk menyatakan rasa tidak bersetuju atau memaksa individu atau institusi yg berkenaan menerima syarat tertentu, memulaukan: *dia menyuruh orang ~ kedai-kedai yg menjual barang dgn harga yg mahal; negara itu ~ semua sidang Majlis Keselamatan;*

pemboikotan perbuatan (tindakan dsb) memboikot, pemulauan: ~ *ke atas barang-barang keluaran negara asing;*

pemboikot orang (syarikat, negeri, dll) yg memboikot, pemulau.

bojeng (bojéng) Kl berambut panjang.

bok I Jh, Kd tilam.

bok II 1. bp peti, kotak; **2.** sj tempat yg dipagar (ditaruh kanak-kanak).

bok III Jw singkatan bagi embok (emak).

bok IV Kd batang (pancing, kail).

bokca sj uncang (tempat membawa bekal, makanan, dll).

boke (boké) Jk miskin sangat, papa.

bokeh (bokéh) Kl; **membokeh** **1.** mencabut pokok dgn akar-akarnya; **2.** mencungkil (utk membuka sesuatu).

bokek (bokék) → **boke**.

boket (bokét) IB karangan bunga.

bokoh ark lemah, lembut.

bokong **1.** = *balik* ~ terbalik (yg di muka ke belakang dll), salah mengerjakan (terbalik drpd aturan yg sebenarnya); *baju* ~ baju yg butangnya di belakang; *kerja balik* ~ kerja yg dimulakan pd bahagian yg terbalik; **2.** punggung; **3.** Jk belakang;

membokong Jk **1.** membaca terbalik (dr belakang ke muka); **2.** melakukan sesuatu secara sulit, menyerang dr belakang;

pembokongan penyerangan dr belakang (dgn diam-diam).

bokop ark bakup, bengkak (muka, terutamanya pd bahagian di sekitar mata).

bokor sj pinggan yg bertepi lebar (biasanya drpd logam).

boksing bp perlawanan tinju, pertinjuan.

boksu C pendeta Cina (Kristian).

bol; *jambu* ~ sj tumbuhan (pokok dan buahnya), jambu bubul, jambu dersana, jambu melaka, *Eugenia malaccensis*.

bola benda bulat atau bujur, padat atau berongga, digunakan dlm permainan atau sukan;

~ *air* Id sj permainan bola sambil berenang, polo air; ~ *biliard* sj permainan memukul bola-bola dgn kayu di atas meja; ~ *golek* sj permainan (judi) dgn bola-bola di atas meja yg memakai lubang-lubang dan nombor-nombor; ~ *jaring* sj permainan antara dua pasukan yg terdiri drpd tujuh orang pemain wanita setiap pasukan; ~ *karan* sj permainan bola golek yg memakai karan; ~ *keranjang* sj permainan antara dua pasukan yg terdiri drpd lima orang pemain

setiap pasukan; ~ *kiu* bola yg ditonjol dgn kiu (dlm permainan snuker atau biliard); ~ *lampu* Id bal lampu; ~ *sepak* sj permainan antara dua pasukan yg terdiri drpd 11 orang pemain, biasanya di padang segi empat bujur yg mempunyai tiang gol di kedua-dua hujungnya; ~ *sodok (tojok)* Id bola biliard; ~ *tampar* sj permainan antara dua pasukan dgn enam orang pemain setiap pasukan, yg menampar bola melangkaui jaring di tengah gelanggang; ~ *tampel* Id permainan tenis; ~ *tangan* sj permainan bola dgn tangan; ~ *tangkis* sj permainan dgn memukul tangkai bulu tangkis, badminton; ~ *tongkat* Id sj permainan bola di padang yg dipukul dgn kayu, hoki.

bolah Kl; **terbolah-bolah** tercengang-cengang.

bolai → **bonglai**.

bolak 1. sl terbalik, salah, keliru: ~*kah kata aku, tiada didengarnya?* 2. = **bolak-balik**.

bolak-balik 1. ulang-alik, pergi balik: *bas itu pergi ke Singapura ~*; 2. tidak tetap atau berubah-ubah (percakapan atau perbuatan seseorang), berbalik-balik, berbelit-belit: *cakapnya ~*;

berbolak-balik berbalik-balik, berulang-ulang: *fikiran itu masih ~ dlm kepalanya*;

membolak-balikkan 1. membalik-balikkan, mengolak-alikkan: *sudah kami bolak-balikkan, sudah kami tating-tating, dan sudah kami kaji buruk baiknya*; 2. memutarbelitkan: *dicubanya ~ perkara itu*.

bolang; ~-*baling* baling-baling.

bole (bolé) Kl, Tr hampir buta; *malam ~ malam buta*.

boleh I (boléh) 1. dapat, mampu (berkeupayaan): *dgn wang sebanyak itu, mereka ~ hidup senang*; ~ *dikatakan* dapat dikatakan, tidak salah kalau dikatakan; *apa ~ buat* apa yg hendak dibuat (tidak ada

jalan lain); **2.** tidak disekat atau dilarang (drpd berbuat atau melakukan sesuatu), dibenarkan, diizinkan: *sesudah makan mereka ~ bermain-main;*

tak ~ jadi tidak mungkin, mustahil; *~ juga* a) dapat juga, mungkin juga; b) bp agak baik juga; *(tak) ~ niaga* (tidak) boleh bertukar hak milik, (tidak) boleh diterima bayarannya oleh orang atau pihak lain drpd yg dinyatakan (bkn cek yg dikeluarkan dsb); *~ tahan* a) dapat tahan; b) ki agak baik, tidak buruk;

seboleh-bolehnya sedapat mungkin, sekuasanya: *dia sudah bercita-cita utk mendapatkan isteri seorang lagi, ~ drpd bangsanya sendiri;*

membolehkan mengizinkan, memungkinan: *tempoh jawatannya terlampau pendek utk ~ dia membuat sesuatu yg berguna;*

kebolehan kelayakan, kecekapan: *mereka mendapat pekerjaan menurut ~ masing-masing;*

berkebolehan mempunyai kelayakan (kecekapan): *lebih ramai lagi wanita yg ~ tampil ke muka utk memasuki barisan menjaga keselamatan.*

boleh II sl beroleh: *titah raja, ~kah keris itu?*

bolehnya ark Jk pendapatannya.

boleh jadi barangkali, mungkin;

kebolehjadian kebarangkalian, kemungkinan: *individu menilai ~ yg terhasil drpd berbagai-bagai tindakan.*

boleh terima; kebolehterimaan perihal atau keadaan boleh diterima: *jika berada di luar batas ~, cari jalan utk membuat penyelarasan.*

boleh ubah; pemboleh ubah sesuatu faktor (unsur, ciri, angka, dsb) yg tidak tetap (yg perlu diambil kira dlm sesuatu perhitungan), variabel.

bolén I (bolén) Kl, Ph terbuka luas-luas (mata), terbelalak.

bolén II (bolén) Pr bogel, telanjang.

bolero I sj jaket singkat yg berlengan atau tanpa lengan, tidak berbutang atau tidak berzip di depannya, yg biasanya dipakai oleh wanita.

bolero II 1. sj tarian Spanyol; **2.** muzik yg mengiringi tarian ini.

boli sj tumbuhan (pokok), beka, kedaung, tular, *Parkia javanica*.

boling sj permainan yg menggunakan bola berat yg digolekkan melalui lorong khas utk menjatuhkan seberapa banyak pin yg tersusun.

bologna sj sosej besar yg disalai, yg dibuat drpd campuran daging dsb.

bolong I hitam.

bolong II Jw berlubang (tembus) spt paip dll;

~ *melompong* bp kosong sama sekali; *siang hari* ~ bp siang hari benar; *sundal* ~ langsuir, puntianak; *tengah hari* ~ bp tengah hari benar; *wang* ~ ark duit syiling yg berharga lima sen (yg berlubang di tengah);

berbolong-bolong berlubang-lubang (tembus).

bolong III tabung buluh tempat membawa air, perian.

bolor I 1. kotor: *kotor* ~; **2.** Tr gelojoh.

bolor II Tr **1.** buta; **2.** kelabu (bkn mata), tidak jernih.

bolos I tidak mempunyai sesuatu apa di badan (rambut, bulu, perhiasan, dll).

bolos II = membolos Jk **1.** tidak masuk sekolah (kerja dll): *sudah dua hari ia ~ tetapi orang tuanya tidak tahu*; **2.** melepaskan diri, melarikan diri: *dgn kawalan semacam ini, seorang tahanan pun tidak dapat ~*;

membolosi menembusi: *apabila negara dicerobohi dan dibolosi pengaruh-pengaruh luar*.

bolos-bolos; *ikan* ~ sj ikan laut, *Sillago spp*.

bolot; **membolot 1.** membalut, membungkus (dgn tergesa-gesa): *badan dan kepala mereka dibolotnya dgn daun ribu-ribu*; **2.** memenangi,

`menggondol, memperoleh: *dia telah berjaya ~ hampir-hampir semua hadiah; mereka itu ~ getah orang kampung dgn bayaran yg amat rendah;*

pembolotan perihal atau perbuatan membolot (membalut, menggondol, memperoleh, dll): *ketua-ketua Ghee Hin tidak berasa senang melihat ~ pajak oleh ketua-ketua orang Kek;*

pembolot orang (kumpulan, pasukan, dsb) yg membolot.

bolsak IB tilam, kasur.

bolt batang logam yg berkepala pd satu hujungnya dan berbenang skru pd hujung yg satu lagi (digunakan utk mencantumkan dua benda).

bo-lui C, bp tidak mempunyai wang.

bolus (Bio) gumpalan makanan yg telah dikunyah dan sedia utk ditelan atau yg melalui esofagus.

bom I senjata yg meletup, menyebabkan kebakaran dan kemusnahan, biasanya digugurkan dr kapal terbang, dilemparkan dgn tangan, atau ditembakkan dgn meriam; *pesawat ~ = pelempar ~ kapal terbang* utk menjatuhkan bom;

~ *api* bom yg direka khas utk memulakan sesuatu pembakaran; ~

asap bom yg apabila diletupkan mengeluarkan kepulan asap tebal, biasanya digunakan dlm operasi polis atau tentera; ~ *atom* = ~

zarah = ~ *zat air* bom yg daya letupannya disebabkan oleh pembelahan nukleus atom tertentu; ~ *hidrogen* bom yg daya

letupannya disebabkan oleh pelakuran nukleus hidrogen; ~ *hidup*

bom yg belum meletup; ~ *jangka* = ~ *waktu* bom yg ditentukan

saat meledaknya; ~ *lakur* sj bom yg melibatkan pelakuran nuklear,

terutamanya pelakuran isotop hidrogen; ~ *laut* bom yg

dilemparkan ke dlm laut (utk menghancurkan kapal selam); ~

logik (Komp) atur cara haram yg tersembunyi di dlm sistem

komputer yg boleh mengganggu operasi komputer; ~ *napalm* bom

api yg dibuat drpd petrol yg berbentuk jeli; ~ *nuklear* (Fiz) bom yg daya letupannya disebabkan oleh pembelahan nukleus unsur tertentu (spt uranium 235) atau penggabungan dua nukleus (spt nukleus deuterium dgn nukleus tritium); ~ *pembakar* bom yg mengeluarkan api (utk membakar); ~ *pemedih mata* bom yg diledakkan utk memedihkan mata orang (dlm tunjuk perasaan yg haram dll); ~ *petrol* bom yg dibuat drpd botol yg berisi minyak petrol dgn sumbunya dicucuhi api sebelum dilontarkan; ~ *plastik* bom yg menggunakan bahan letupan plastik; ~ *tangan* bom yg dilemparkan dgn tangan; ~ *tarik* bom yg diledakkan dgn jalan menarik;

mengebom menjatuhkan bom pd sesuatu, memusnahkan dgn bom: *tentera Jepun telah menawan bandar Nanking dan ~ beberapa banyak bandar lain;*

pengeboman perihal (tindakan) mengebom: *Hitler sedang melakukan serangan-serangan dan ~ terhadap Inggeris;*

pengebom = *kapal terbang* ~ kapal terbang yg digunakan utk mengebom.

bom II tempat ayam berlaga di gelanggang.

bom III 1. kayu memanjang di muka kereta (tempat lembu dll menarik kereta); **2.** Id jambatan pelabuhan, pelabuhan.

bomba 1. alat utk mengepam air dll, pam: *air telaga itu dinaikkan ke atas dgn ~;* **2.** pasukan yg bertugas utk memadamkan kebakaran; *ahli* ~ orang yg bertugas memadamkan kebakaran; *kereta* ~ kereta yg digunakan oleh ahli bomba apabila memadamkan kebakaran; *perkhidmatan* ~ perkhidmatan utk memadamkan kebakaran;

kebomba segala urusan yg berkaitan dgn perkhidmatan bomba: *dia menjalani latihan asas ~ di Pusat Latihan Bomba.*

bombardemen (bombardemén) IB pengeboman.

bombardir IB; **membombardir** **1.** mengebom, menjatuhkan bom banyak-banyak (ke sesuatu sasaran); **2.** menaikkan pangkat (dlm perkhidmatan) dgn sesuka hati (tidak memandang kelayakan, kecekapan, dsb).

bombastik banyak menggunakan kata yg indah-indah dan luar biasa kelihatannya tanpa membawa pengertian yg bernas atau jelas: *Arena Wati menggunakan bahasa yg sederhana dan mudah difahami, pemilihan kata-katanya dibuat begitu teliti dan tidak ~.*

bombin = *ikan inggu* ~ **1.** sj ikan laut, *Holocanthus spp.*; **2.** sj ikan laut, *Amphirion spp.*

bomoh tabib yg mengubati orang sakit dgn menggunakan ubat tradisional atau cara kampung dan jampi-jampi, pawang, dukun; ~ *mencari orang sakit* prb orang yg menawarkan diri dgn tidak diminta;

berbomoh menggunakan khidmat bomoh utk mengubati penyakit, menyihir, mencelakakan, dsb;

berbomoh-bomoh menggunakan khidmat beberapa bomoh utk mengubati penyakit, menyihir, mencelakakan, dsb: *ada yg sampai ~ utk menundukkan lawannya;*

kebomohan perihal berubat secara tradisional dgn bomoh atau dukun;

perbomohan yg berkaitan dgn bomoh (amalannya, selok-belok kerjanya, dsb): *kepercayaan warisan spt magis dan ~; memperoleh kepakaran dlm ilmu ~.*

bon **1.** sijil pelaburan yg dikeluarkan oleh kerajaan atau perbadanan, yg menunjukkan bahawa sejumlah wang telah dipinjamkan dan akan dibayar balik berserta faedah; **2.** Id surat kecil (pengakuan mengambil barang yg akan dibayar kemudian): ~ *jati;*

~ *jati* bon yg paling terjamin; ~ *kerajaan* bon yg diterbitkan oleh kerajaan sesebuah negara dan dianggap tidak berisiko; ~ *pelaksanaan* (Eko) dokumen yg merupakan jaminan, biasanya berbentuk insurans atau jaminan bank, yg dikeluarkan bagi pihak kontraktor kpd pemberi kontrak utk memastikan kelancaran pelaksanaan projek sekiranya kontraktor gagal memenuhi syarat kontrak; ~ *perbendaharaan* bon yg diterbitkan oleh kerajaan dgn tempoh matangnya yg lama, biasanya antara 10 tahun hingga 30 tahun; ~ *syarikat* bon yg diterbitkan oleh syarikat perniagaan dan dianggap tidak bebas risiko.

bona fide (bona fidé) (Latin) **1.** sebenar, asli: *pelancong* ~; **2.** ikhlas, jujur: *perjanjian* ~.

bonak sj tumbuhan (pokok), benak, biko-biko, medang tanduk, *Kurrimia paniculata*.

bonang I Jw sj alat gamelan, sj gong.

bonang II = *ikan* ~ sj ikan laut, tudung periuk, *Platax teira*.

bonanza sumber kekayaan atau kemakmuran yg diperoleh (biasanya secara mengejut atau tidak disangka-sangka), durian runtuh.

bonbon IB gula-gula.

bonceng (boncéng) Jk; *tukang* ~ orang yg turut serta makan (menumpang dll) dgn tidak mengeluarkan wang;

membonceng 1. menumpang naik motosikal (basikal dsb): *bolehkah saya ~ pulang?* **2.** turut serta makan (bersuka-suka dll) dgn tidak mengeluarkan belanja dll: *banyak yg ~ hasil perjuangan orang lain;*

memboncengkan menyuruh (memberi) menumpang;

terbonceng diboncengkan, disertakan (dgn tidak sengaja);

boncengan tempat utk membonceng, tempat menaruh barang (di basikal dsb);

pembonceng orang yg membonceng.

boncol bonjol, bincul, bincut.

bond bp polis.

bonda bh ibunda (biasanya digunakan dlm surat-menyurat), emak.

bondok bonggol, kelasa, ponok.

bondol Id sj burung, pipit uban.

bondong Mn kumpulan, tompok; ~ *air*, ~ *ikan* prb turut-turutan (pekerjaan orang kaya hendak ditiru oleh orang miskin);

berbondong-bondong berduyun-duyun: *penumpang-penumpang* ~ *naik ke geladak*;

berbondongan berduyun-duyun: *burung bangau terbang* ~ *mengarah ke selatan*.

bondot Jk berkas, ikat (padi dll);

membondot memberkas, mengikat.

boneka (bonéka) **1.** anak patung, anak-anakan; **2.** patung (mis orang atau binatang) yg boleh digerakkan dgn menarik tali yg dilekatkan padanya, atau dgn memasukkan tangan ke dlm badannya dan menggerakannya; **3.** ki orang atau negeri yg tindak-tanduknya dikawal oleh kuasa atau pengaruh luar: *mereka semua* ~ *penjajah*; *pemerintah* ~ pemerintah yg dibentuk dan dikuasai oleh negara lain;

membonekakan, memperboneka, memperbonekakan memperlakukan (memperlakukan, menganggap, dll) spt boneka: *kerajaan itu dibonekakan oleh negara-negara asing*.

bonet (bonét) **1.** topi drpd kain yg diikatkan di bawah dagu, biasanya dipakai oleh bayi; **2.** tutup enjin (kereta).

bong I bunyi spt bunyi peti jatuh dll.

bong II Kl gelanggang (ayam, lembu, dll); *ketua* ~ pengadil di gelanggang.

bong III Jw tukang sunat (khatan), mudim.

bong IV C perkuburan Cina.

bong V Tr alat utk mengupas kelapa: *ia tidak berapa pandai mengupas kelapa dgn ~.*

bong VI Tr corot dlm kelas: *dlm kelas ini dia mendapat nombor ~.*

bong VII Tr kayu yg diletakkan pd dek perahu besar utk menahan dan menguatkan tiang layar: *tolong pasangkan ~ pd tiang layar itu.*

bongak I sombong, angkuh, pongah;

membongak menyombong, meninggi-ninggikan diri.

bongak II ark bohong, dusta.

bongak III Mn bodoh.

bongak IV Kl tanah yg tinggi (drpd sekelilingnya).

bongbong sj tumbuhan (pokok), kesinga, mersinga, *Carallia brachiata*.

bonggo sj gendang kecil yg berkembar dua yg dipukul dgn tangan.

bonggol 1. benjol pd batang pokok, bongkol, benjol; **2.** benjol besar pd belakang binatang spt unta dsb utk menyimpan lemak dan air, bondok, ponok: *unta menyimpan makanannya dlm ~ yg ada di belakangnya;*

~ kecil bonggol yg kecil (pd pokok dll), bintil; *~ kem* roda panjang yg menyebabkan gerakan keluar masuk (turun naik dll);

berbonggol, berbonggol-bonggol berbenjol-benjol: *rupanya spt tiang yg berbonggol-bonggol yg tinggi hanya beberapa kaki saja;*

membonggol membonjol: *seorang lelaki berperut besar dgn urat lehernya ~ duduk di sisi Usamah.*

bongkah potongan, ketulan sesuatu (tanah, batu, kayu dsb) yg agak besar, bingkah; *~ V* bongkah yg berbentuk V;

berbongkah-bongkah berbonggol-bonggol (jalan dll).

bongkak pongah, sombong, angkuh: *kau jangan takbur dan ~;*

kebongkakan perihal (sifat dsb) bongkak, kepongahan, kesombongan, keangkuhan: *ia bercekak pinggang pula, menampakkan ~nya.*

bongkang = **terbongkang** terlentang membujur, terlantar (terbaring); ~-*bangking* bergelimpangan.

bongkar I; membongkar 1. mengangkat ke atas, menaikkan: ~ *sauh*; **2.** menurunkan muatan dr kapal (kereta api dll), memungkah: ~ *muatan*; **3.** merombak (bangunan, enjin, dll): *habis rumah-rumah diselongkar dan dibongkar*; **4.** membuka dgn paksa (pintu, peti, dll): *pencuri itu dapat mengambil barang-barang berharga dgn ~ pintu peti besi*; **5.** mengeluarkan sesuatu secara tidak teratur kerana mencari sesuatu: ~ *kain baju di dlm almari itu utk mencari kunci laci*; **6.** membuka (rahsia dll): ~ *rahsia*; ~ *misteri pembunuhan itu*; **7.** membangkitkan perkara-perkara lama: *suka sekali ~ yg lama-lama*;

terbongkar telah dibongkar;

bongkaran hasil membongkar, benda yg sudah dibongkar;

kebongkaran Jk kemasukan pencuri, kecurian;

pembongkaran perbuatan membongkar;

pembongkar orang yg bertanggungjawab membongkar sesuatu.

bongkar II; ~ *cerah* Pr fajar menyingsing.

bongkar-bangkir kacau-bilau, cerai-berai;

membongkar-bangkirkan mencerai-beraikan, mengacau-bilaukan.

bongkas 1. terjungkit hujung (atau pangkal): *di situ ada sepokok kayu yg ~*; **2.** ki bangkit dgn cepat drpd berbaring (tidur): *ia ~ dr tempat tidurnya dan terus pergi ke bilik kapten*;

terbongkas terjungkit.

bongkeng (bongkéng) terapung dlm air dgn tertelungkup (mayat orang dll).

bongkok 1. melengkung di bahagian belakang (bkn badan): *segala rakyat kecil besar, tua muda, ~ tempang pun berkampunglah*; **2.** = **membongkok** menggerakkan bahagian atas badan ke hadapan atau ke bawah;

~ *sabut* bongkok spt bentuk sabut; ~ *udang* bongkok pd tengah belakang;

~ *baru betul (buta baru celik)* prb jikalau orang baru memperoleh kemuliaan dan kesenangan maka ia pun mengada-ada; ~ *kail nak mendapat (mengena)* prb tipu muslihat itu ialah utk mencari keuntungan bagi diri sendiri; *di mana kayu ~, di sanalah hendak meniti* prb orang yg bodoh mudah kena tipu; *tak tahu di ~ tidur* prb tidak tahu akan kekurangan diri sendiri; *takkan ~ sebab menyorok* prb tidak hina mengerjakan pekerjaan yg dipandang rendah jika utk maksud yg baik; *yg ~ juga dimakan sarung* prb yg bersalah juga yg akan menanggung dosa;

membongkok 1. menggerakkan bahagian atas badan ke hadapan atau ke bawah: *dia ~ sedikit spt memberi hormat*; **2.** merendahkan diri kpd, sangat hormat: ~ *kpd orang besar*;

membongkokkan menyebabkan badan membongkok, melengkungkan badan: ~ *badan memberi hormat*;

terbongkok-bongkok dgn membongkok-bongkok: *ia ~ membuka kasutnya*.

bongkol 1. bonggol; **2.** kepala tongkat (payung, tiang, dll) yg merupakan bulatan.

bongkong I sj tumbuhan; → **bangkung**.

bongkong II bongkol, bonggol.

bongkong III Mn bodoh.

bongkot Jw pangkal batang kayu, punggur.

bonglai sj tumbuhan (herba yg akarnya dibuat ubat), bolai, *Zingiber cassumunar*.

bongok 1. terlalu gemuk sehingga tidak seimbang dgn tinggi, besar tetapi pendek; **2.** Mn bodoh, dongok.

bongor sj tumbuhan (pokok) yg berbunga ungu (kayunya dipakai utk rumah dll), *Lagerstroemia speciosa*; merah ~ ungu.

bongsai Jk sj bakul kecil.

bongsoi sj tumbuhan (pokok), penawar hitam, *Goniothalamus macrophyllus*.

bongsor Jk bongor, besar dan tinggi (badan).

bongsu 1. yg paling muda (bkn anak), terkecil, lwn sulung; *anak* ~ = *si* ~ anak yg termuda; *bapak* ~ = *pak su* bapa saudara yg termuda; *emak* ~ = *mak su* emak saudara yg termuda; **2.** yg akhir sekali tumbuh; *geraham* ~ geraham yg terakhir tumbuh.

bonjol bonggol, bengkak;

membonjol menyerupai bonjol: *bibirnya* ~ *manakala suntil itu disematkan lebih kukuh*.

bonsai 1. seni atau teknik membentuk pokok hiasan yg kerdil dgn cara menanamnya dlm pasu tohor, memangkas dahan dan akarnya, mengawal pembajaannya dsb; **2.** pokok yg dikerdilkan sbg hiasan, dgn menanamnya dlm pasu tohor, memangkas dahan dan akarnya, mengawal pembajaannya dsb;

membonsaikan menjadikan sbg bonsai: *pokok-pokok yg belum dibonsaikan*.

bonus 1. bayaran tambahan pd gaji dll sbg pemberian (ganjaran); **2.** bayaran faedah kpd pemegang polisi syarikat insurans atau pemegang saham; ~ *saham* ganjaran kpd kakitangan dlm bentuk saham (sama ada secara percuma atau pada harga yg murah).

bonyok bonyor.

bonyor lunak dan terlalu masak (buah), lunak dan agak buruk (ikan, makanan, dll).

bopeng (bopéng) cacat yg berupa lubang-lubang kecil (pd muka dll), capuk, borek (kerana penyakit cacar).

bopet (bopét) IB **1.** sj almari tempat menyimpan makanan (minuman dll); **2.** tempat dijual makanan serta minuman dll (di stesen dll).

bopong Jk; **membopong** menatang dgn kedua-dua belah tangan.

bor IB gerudi, jara, penggerak;

mengebor menggerudi, menggerak lubang;

pengeboran **1.** perihal mengebor; **2.** tempat mengebor (utk mencari minyak dlm tanah);

pengebor orang yg mengebor (menggerudi), penggerudi.

bora angin kencang timur laut yg sejuk dan kering yg bertiup menuruni gunung di pantai timur Adriatik.

borak perbualan mesra, tidak formal, biasanya tentang hal-hal yg tidak serius atau tidak penting: *dia meneruskan ~nya lagi;*

berborak, berborak-borak, memborak berbual(-bual) kosong, bergebang: *ramai juga orang sedang ~ di situ;*

memborakkan bercakap besar (membongak) tentang sesuatu: *dia selalu ~ kekayaannya;*

pemborak (orang yg) suka berborak.

boraks (Kim) serbuk putih yg digunakan dlm pembuatan kaca dan sbg agen pembersih.

borang I kertas bercetak yg padanya ada ruang utk dimasukkan maklumat yg dikehendaki atau diminta: *~ cukai pendapatan; mengisi ~ utk memohon pekerjaan.*

borang II Jk ranjau.

borat I K1 merebak (penyakit dll), menjalar.

borat II (Kim) garam atau ester asid borik.

borci ark sj kertas emas yg dipakai dlm sulaman dll.

bordir IB, bp suji, tekat, sulam;

membordir menyuji, menekat, menyulam;

bordiran sujian, sulaman, tekatan.

bordu ark bibir perahu, dinding pd tepi perahu.

boreal (boréal) (Geog) **1.** berkaitan dgn angin utara; **2.** berkaitan dgn utara atau kawasan di sebelah utara.

boreh (boréh) Jw sj bedak basah yg kuning warnanya.

borek (borék) **1.** berbintik-bintik putih (pd bulu ayam dll): *ayam ~* ; **2.** bopeng, capuk: *muka ~*; *bapa ~*, *anak rintik* prb anak itu menurut baka ayahnya.

boreng (boréng) perbuatan mengorek utk mencari bahan galian;

memboreng mengorek utk mencari bahan galian: *jurutera-jurutera telah ~ di setengah-setengah tempat dataran itu.*

borgol Jk gari, belenggu (tangan);

memborgol menggari, membelenggu (tangan);

pemborgolan penggarian, pembelengguan.

boria sj kesenian tradisional di kalangan orang Melayu Pulau Pinang yg berupa lakonan (lawak jenaka) dan diikuti dgn nyanyian yg diiringi tarian berkumpulan.

borik (Kim) berkaitan dgn atau mengandungi boron: *asid ~*.

boring bp bosan, jemu: *isteri mana yg tidak ~ kalau suami jarang berada di rumah.*

borjuis **1.** orang drpd kelas pertengahan; **2.** (mengikut teori Marxisme) orang yg tergolong dlm kelas pertengahan yg memiliki kebanyakan harta dlm sistem kapitalis; **3.** orang yg perangai dan pandangannya dipengaruhi oleh nilai atau kepentingan golongan kelas pertengahan.

boroh IB **1.** jaminan, barang tanggungan (hutang dll); **2.** penanggung, penjamin;

memborohi menanggung (hutang dll), memberikan tanggungan.

boroi Kd buncit (perut).

borok Id **1.** kudis yg bernanah dan busuk; **2.** = **berborok, borokan** berpenyakit borok; **3.** ki keburukan.

boron (Kim) sj unsur bukan logam yg terdapat semula jadi (terutamanya dlm boraks).

borong secara keseluruhan atau besar-besaran (jual beli, pekerjaan, dll); *jual* ~ jual keseluruhannya; *pedagang* ~ orang yg berdagang secara besar-besaran (bukan pedagang runcit);

memborong **1.** membeli keseluruhannya atau secara besar-besaran: *diborongnya habis segala barang dagangan yg datang dr negeri China*; **2.** melakukan pekerjaan secara keseluruhan hingga selesai: ~ *pembuatan jalan*;

memborongkan **1.** menjual keseluruhannya: *hasil kebun telah diborongkannya kpd seorang saudagar Cina*; **2.** memberi pekerjaan kpd seseorang utk dikerjakan seluruhnya: *pembangunan gedung ini diborongkan kpd orang yg telah memasukkan tawaran*;

borongan **1.** pembelian (penjualan dll) secara keseluruhan: *barang ini tidak dijual satu persatu tetapi ~*; **2.** pekerjaan dll yg diborongkan: *nilai pekerjaan mesti menurut ketentuan dlm perjanjian ~, kalau tidak bangunan itu dirombak kembali*;

pemborong perihal atau perbuatan memborong(kan);

pemborong **1.** orang yg membeli keseluruhannya atau secara besar-besaran: *hasil kebun itu dijualnya kpd seorang ~*; **2.** orang yg melakukan pekerjaan keseluruhannya: *kontrak mendirikan bangunan itu diberikan kpd seorang ~ Melayu*.

boros **1.** terbuka, terurai, lepas (tali yg diikatkan); **2.** tidak hemat, suka mengeluarkan wang berlebih-lebih, suka memakai barang-barang berlebih-lebih: *ia hidup terlalu joli dan ~; kalau ~ lekas kerugian* prb orang yg boros itu akhirnya beroleh kesusahan;

berboros berlaku boros: *mereka menjaga diri drpd ~ atau berhutang;*

memboroskan mengeluarkan (membelanjakan) wang berlebih-lebihan (membuang-buang wang), menggunakan barang-barang dll berlebih-lebihan (dgn cara yg membazir): *sejak orang tuanya meninggal, ia banyak ~ harta benda;*

keborosan keadaan boros, sifat boros;

pemborosan perihal boros atau memboroskan, perbuatan memboroskan (wang, barang, dll);

pemboros orang yg boros atau bertabiat boros.

bortel (bortél), **bortol** IB sj lobak merah.

bos I IB (se)bungkus yg berisi beberapa batang (rokok dll).

bos II bp orang yg berkuasa, mengawal, mengarahkan atau memberi perintah kpd orang bawahan (pekerja dsb), ketua, majikan: *ia bersuara macam seorang ~;*

berboskan mempunyai seseorang sbg bos: *beruntunglah dia dapat ~ orang yg baik hati dan bertimbang rasa.*

bosan sudah tidak suka lagi, jemu, boyak: *saya sudah ~ makan daging; dia sudah ~ akan isterinya; ~ mendengar kisah yg sama berulang kali;*

membosankan menjadikan (mendatangkan rasa) bosan, menjemukan: *pidato-pidato serupa ini sangat ~;*

kebosanan **1.** perihal bosan, kejemuan, keboyakan: *~ akan lakinya mulai timbul sesudah dia jatuh sakit;* **2.** Jk kekenyangan;

pembosan mudah (lekas) bosan.

boseta (boséta) (Portugis) ark bakul (peti) kecil.

bosman IB anak buah kapal yg mengurus alat perkakas kapal.

bosor I berlubang (tembus), pecah dan berlubang.

bosor II rakus, pelahap.

bot sj kenderaan kecil yg bergerak di atas air, yg biasanya membawa sejumlah kecil penumpang;

~ *bomba* bot yg digunakan oleh perkhidmatan bomba utk memadamkan kebakaran di laut (kapal dsb); ~ *laju* bot berkuasa tinggi yg berupaya bergerak dgn laju sekali; ~ *nelayan* bot yg digunakan oleh nelayan utk menangkap ikan, udang dsb; ~ *penyelamat* bot yg digunakan utk operasi menyelamatkan orang di laut dsb; ~ *ronda* bot yg digunakan utk meronda (biasanya oleh pasukan polis atau kastam).

bota ark gergasi, raksasa.

botak I **1.** tidak berambut (di kepala manusia); **2.** tidak berbulu (di kepala binatang);

membotak menjadi botak: *kepalanya mulai ~*;

membotakkan menjadikan botak: *dia ~ kepalanya; penyakit itu telah ~ kepalanya*;

kebotakan perihal botak.

botak II; *burung* ~ sj burung yg paruh dan kakinya panjang, *Leptoptilos javanicus*.

botani cabang biologi yg berkaitan dgn kehidupan tumbuh-tumbuhan.

botoh I Jk bagus, molek (bentuknya).

botoh II Jw **1.** penjudi, penyabung (ayam dll); **2.** ark peleraian, pengadil.

botok = **botok-botok** sj lauk ikan yg dirempahi, dibungkus dgn daun, dan dikukus.

botol bekas drpd kaca dll tempat menyimpan cecair (spt minyak, minuman, dll); ~ *air panas* termos;

berbotol diisi (dijual dsb) dlm botol; *minuman* ~;

berbotol-botol banyak bilangan botol: ~ *minuman dibahagi-bahagikan kpd kanak-kanak pd majlis itu*;

membotolkan mengisi ke dlm botol: ~ *minuman*;

pembotolan proses (kerja) membotolkan sesuatu.

botor; *kacang* ~ sj tumbuhan (herba memanjat yg buahnya dibuat sayur, ulam, dsb), kacang kelisa, *Psophocarpus tetragonolobus*.

botulin (Bio) sj toksin yg dihasilkan oleh bakteria *Clostridium botulinum* dlm makanan dsb yg tidak diawet dgn sempurna, sehingga boleh menyebabkan keracunan makanan yg teruk.

botulisme (Ubat) sj keracunan makanan yg teruk yg disebabkan oleh botulin dlm makanan yg tidak diawet dgn sempurna.

boulevard lebuh hias.

bovin (Bio) berkaitan dgn lembu: *serum* ~.

boya benda terapung berwarna terang yg diikatkan pd rantai atau tali panjang ke dasar laut, digunakan utk menunjukkan jalan kpd kapal atau bot, atau utk menandakan bahaya: *dicubalah mengikat kapal itu pd* ~.

boyak I 1. tiada rasanya, atau tidak sedap rasanya lagi kerana sudah kering atau busuk (tembakau dll): *tembakau yg sudah* ~; **2.** jemu: *ia berasa* ~ *tinggal di tempat itu*;

keboyakan kebosanan.

boyak II orang yg gemuk dan buncit.

boyan 1. sj ikan laut, *Labridae spp.*; **2.** sj ikan laut, *Callyodontidae spp.*

boyas buncit, gendut.

boyo Id kayu yg menghubungkan lunas dgn haluan atau buritan (perahu dll).

boyong Jw; **berboyong** berpindah tempat (bersama-sama): *pd masa kesukaran penduduk tempat itu* ~ *ke daerah lain*;

pemboyongan pemindahan (penduduk) ke tempat lain.

boyot buncit, gendut;

memboyot menonjol (perut) kerana buncit: *masuklah kerani besar yg perutnya ~;*

terboyot tertonjol (perut), terjendul.

BP kep **1.** Balai Pustaka; **2.** Badan Pusat.

BPN Id kep Biro Perancang Nasional.

BPR kep Badan Pencegah Rasuah.

BPS Id kep Biro Pusat Statistik.

Br simbol kimia bagi bromin.

bra sj baju dalam wanita utk menutupi buah dada, coli.

bradikardia (Ubat) penurunan denyutan jantung pd kadar yg luar biasa perlahannya.

Brahman, Brahmin **1.** kelas (kasta) pendeta di India, orang yg termasuk dlm kelas pendeta; **2.** sl pendeta Hindu.

Brahmani sl Brahman wanita.

Braille (brél) sistem tulisan bagi orang buta yg terdiri drpd titik-titik timbul yg mewakili aksara tertentu, dan dapat dibaca secara menyentuhnya dgn jari.

brakilogi (Lin) bentuk ungkapan yg dipadatkan atau diringkaskan, yg biasanya tidak lengkap dr segi tatabahasa dan digunakan dlm pertuturan bahasa basahan atau jargon khusus, mis *BERHENTI* dan *BERI LALUAN* pd papan tanda jalan raya.

braktea (braktéa) (Bio) sj daun pelindung kecil, ada kalanya jelas dan terang warnanya, yg terletak di bawah bunga, pengasuh bunga.

brandi sj minuman keras yg disuling drpd wain atau jus buah yg diperam.

brankar IB, bp usungan utk mengangkut orang sakit dll.

brankas IB, bp peti besi (tempat menyimpan wang dll).

brankia (Bio) insang (pd haiwan akuatik).

bras (Muz) kumpulan alat tiup spt trompet dan trombon yg diperbuat drpd perunggu; *pancaragam* ~ pancaragam yg memainkan bras dan alat genderang.

brasben (brasbén) bp pancaragam bras.

bredel (brédél); **membredel** IB, bp memberangus (akhbar dll).

brek (brék) alat utk menghentikan gerakan atau mengurangkan kelajuan kenderaan (kereta, basikal, dll): *apabila ia menekan ~, keretanya berhenti;*

~ *angin* brek yg menggunakan udara mampat, terutamanya pd kenderaan berat spt lori dan bas; ~ *gelendong* sistem brek kenderaan yg kepingan logam melengkungnya menekan permukaan dalam gelendong logam yg berputar apabila membrek; ~ *hidraulik* sistem brek kenderaan bermotor yg menggunakan tekanan hidraulik; ~ *kaki* brek yg ditekan dgn kaki utk memberhentikan atau memperlahankan kenderaan (kereta, motosikal dsb); ~ *piring* = ~ *cakera* sistem brek kereta dsb yg menggunakan geseran sepasang pad yg ditekan pd cakera brek yg berputar pd hab roda; ~ *tangan* a) brek kenderaan (spt kereta, lori dsb) yg dikendalikan dgn tangan, digunakan apabila kenderaan tidak bergerak; b) brek pd hendal motosikal (basikal dsb) yg dikendalikan dgn tangan;

membrek menekan (menarik) brek: *drebar ~, dan lori itu terhenti di tepi jalan;*

membrekkan menghentikan gerakan atau mengurangkan kelajuan dgn menekan (menarik) brek: *ia ~ keretanya tidak berapa jauh dr simpang empat.*

brengan (bréngan) sj mesingan ringan (dioperasi dgn gas dan digunakan dlm Perang Dunia II).

brevet (brevét) IB ijazah (utk jurupandu kapal terbang), surat izin.

Brig. kep Brigedier.

briged (brigéd) divisyen tentera yg biasanya terdiri drpd markas, beberapa unit penempur (mis batalion infantri atau rejimen kereta perisai) dan unit penyokong.

brigedier (brigédier) pegawai yg mengetuai sesuatu briged (pangkatnya lebih tinggi drpd kolonel); ~ *jeneral* pegawai yg berpangkat antara kolonel dan mejar jeneral.

brij sj permainan daun terup.

briofit (Bio) sj tumbuhan kecil drpd filum Bryophyta, berdaun hijau, tidak berakar, dan lazimnya tumbuh di merata-rata habitat lembap di seluruh dunia, mis lumut.

briologi cabang botani yg berkaitan dgn kajian tentang briofit.

bris tempat yg lebih tinggi drpd geladak (kapal), tempat memberi perintah kpd anak buah.

brisan IB; *bom* ~ bom yg mudah meledak.

brisik bising, ramai (suara dll).

broked (brokéd) sj kain tebal, berat, biasanya drpd sutera dan ada corak di atasnya.

broker orang yg kerjanya membeli dan menjual saham, wang asing, atau barang-barang utk orang lain;

~ *insurans* orang yg mengendalikan urus niaga pembelian dan penjualan (polisi) insurans bagi pihak-pihak yg terlibat; ~ *saham* orang yg menguruskan pembelian dan penjualan saham bagi pihak lain; ~ *tanah* orang yg mempertemukan penjual dgn bakal pembeli atau sebaliknya dlm urusan jual beli tanah;

pembrokeran aktiviti yg berkaitan dgn urus niaga broker.

brokoli sj tumbuhan yg berupa kubis bunga, *Brassica oleracea italica*.

bromal (Ubat) cecair sintetik yg berminyak dan berwarna kekuning-kuningan, digunakan dlm perubatan sbg ubat penenang.

bromat (Kim) garam atau ester asid bromik.

bromida (Kim) sebatian yg terdiri drpd bromin dgn unsur lain.

bromin (Kim) unsur bukan logam dlm kumpulan halogen yg merupakan cecair mudah meruap, berwarna merah tua, yg wujud semula jadi dlm air laut, dan digunakan dlm pengeluaran bahan kimia.

bronkiol (Bio) cabang salur bronkus yg paling kecil (dlm paru-paru).

bronkitis (Ubat) radang pada salur bronkus (dlm paru-paru).

bronkus (Bio) salah satu drpd dua cabang utama batang tenggorok (dlm paru-paru).

bros IB sj perhiasan drpd emas dll yg dipakai di dada.

brosur risalah (yg memberikan maklumat atau keterangan ringkas tentang sesuatu).

brutal bp kasar, kejam, atau ganas (bkn tindakan, perbuatan dsb): *dia perlu meninggalkan kehidupan yg ~ dan penuh bahaya itu.*

bruto IB (hasil, pendapatan, keuntungan, berat dll) kasar, lwn bersih.

BSc kep *Bachelor of Science* (Sarjana Muda Sains).

bsj kep batu sejam (bkn kelajuan kenderaan): *lori itu dipandu pd kelajuan 50 ~.*

BSKL kep Bursa Saham Kuala Lumpur.

BSN kep **1.** Bank Simpanan Nasional; **2.** Biro Siasatan Negara.

bt. kep binti.

Bt. kep Batu: ~ 18, *Jasin, Melaka.*

Btg. kep Batang: ~ *Berjantai, Selangor.*

bto. Id kep bruto.

bu I singkatan bagi ibu.

bu II Id singkatan bagi babu (sewaktu memanggil).

bu III bunyi sorak berbentuk ejekan yg ditujukan kpd seseorang atau sekumpulan orang utk menunjukkan rasa tidak puas hati, tidak setuju, benci, dsb: *dewan itu hingar bingar dgn suara ~ yg dijertikan oleh para hadirin yg tidak berpuas hati;*

mengebu menyorakkan atau memekikkan bu kpd seseorang dsb: *ada di kalangan anggota parti yg kelihatan mengejek serta ~ Presiden mereka; pemain bola sepak itu dibu kerana tendangan bolanya tersasar jauh dr gawang.*

buah 1. bahagian tumbuhan yg terjadi drpd bunga atau putik (biasanya berbiji): *pokok ini sudah ada ~nya;* **2.** biji yg agak besar dan keras: *~ kemiri; ~ keras;* **3.** benda yg menyerupai buah tertentu; *~ bidara*
a) manik yg menyerupai buah bidara; b) gula-gula yg menyerupai buah bidara; *~ berembang* a) bulatan pd puncak tiang bendera dll; b) bekas kapur yg menyerupai buah berembang; *~ melaka* a) buah pokok melaka; b) sj kuih, onde-onde; **4.** bahagian (badan manusia dll) yg menyerupai buah; *~ betis* jantung betis, daging pd betis; *~ lengan* otot besar pd lengan atas; **5.** bermacam-macam benda bulat; *~ baju* butang; *~ guli* kelereng; **6.** penjodoh bilangan utk benda (bentuk atau jenisnya tidak tentu): *se~ rumah; beberapa ~ kerusi;* **7.** ki hasil sesuatu perbuatan (usaha dll), akibat: *segala usahanya tidak memberi ~;* **8.** ki bahan, pokok, pangkal; *~ cakap*
a) pokok percakapan; b) hasil percakapan; **9.** pergerakan atau teknik dlm seni silat utk mematahkan serangan lawan: *~ Saidina Ali dan ~ sendeng sudah dipelajarinya;*

~ agregat (Bio) buah yg terbentuk drpd bunga tunggal (spt strawberi) atau drpd beberapa bunga (spt nanas); *~ benar* = *~ sebenar* (Bio) buah yg terbentuk drpd ovari sahaja (mis buah betik); *~ bengang* (Bio) buah yg kelopaknya pecah (apabila masak); *~ bibir* sebut-sebutan orang; *~ butir* pokok pembicaraan

(perbincangan dll); ~ *catur* anak catur (benda kecil-kecil yg digunakan dlm permainan catur); ~ *dacing* batu penimbang; ~ *dada* susu, tetek; ~ *fikiran* pendapat; ~ *hati* orang yg dikasihi, jantung hati; ~ *hidup* buah yg masih segar; ~ *kalam* karangan, tulisan; ~ *kalengan* Id buah dlm tin; ~ *kering* a) buah yg dikeringkan; b) (Bio) buah yg perikarpanya tidak berisi (berdaging) semasa matang; ~ *kesenian* hasil kesenian; ~ *ketot* buah bantut; ~ *kumpulan* buah majmuk; ~ *lidah* buah yg kelopaknya pecah dr pangkal ke hujung; ~ *majmuk* buah yg terjadi drpd rangkaian bunga; ~ *mata* a) biji mata; b) orang yg dikasihi; ~ *melaka* (kuih) onde-onde; ~ *mimpi* sesuatu yg dimimpikan; ~ *mulut* percakapan (perbualan) orang, buah bibir; ~ *palsu* (Bio) buah yg terbentuk drpd bahagian lain bunga, bukannya drpd ovari (mis buah gajus); ~ *pantat* kedua-dua belah bahagian punggung; ~ *pelir* biji dlm kantung kemaluan lelaki; ~ *pembicaraan* a) pokok pembicaraan; b) hasil pembicaraan; c) sebut-sebutan orang; ~ *pena* buah kalam; ~ *perut* Mn orang-orang yg menjadi anggota sesuatu suku (anak cucu yg turun-temurun drpd nenek perempuan); ~ *pinggang* (sepasang) organ perkumuhan yg terletak di bahagian pinggang vertebrat dan berfungsi menuras darah, mengumuhkan hasil akhir metabolisme dlm bentuk air kencing dan mengawal osmosis; ~ *remia* Kd sj buah spt kundang tetapi lebih kecil bentuknya; ~ *sepudung* beberapa buah yg terbit drpd satu bunga; ~ *serahim* buah yg terjadi drpd satu bunga; ~ *sesentul* buah yg spt buah epal, mempunyai biji pd terasnya; ~ *sulung* buah yg pertama (permulaan); ~ *susu* sj tumbuhan (pokok memanjat), markisah, *Passiflora laurifolia*; ~ *tahun* sesuatu yg jarang terdapat; ~ *tangan* a) hasil pekerjaan; b) barang yg dibawa dr perjalanan, oleh-oleh; ~ *tanjung* sj kuih; ~ *tasbih* a) butir-butir pd tasbih; b) sj tumbuhan

(herba), *Canna orientalis*; ~ *undi* ark buah dadu; ~ *zakar* buah pelir;

~ *masak tergantung tinggi, akan dijolok penggalah singkat, akan ditingkat batangnya licin* prb tidak berdaya utk mencapai yg dicita-citakan (diharapkan); ~ *yg manis berulat di dalamnya* prb mulut manis biasanya mengandung maksud yg jahat; *bagai ~ keras di dlm sekul* prb bercakap dgn tergopoh-gopoh; *di mana ~ masak, di situ burung banyak tampil* prb kalau kita sedang baik untung, banyak sahabat berkerumun; *laksana ~ masak lum, dihinggut perdu luruh sendiri* prb barang yg telah tua itu dgn sedikit tenaga rosaklah ia; *sebab ~ dikenal pohonnya* prb drpd pertuturan dan perangai seseorang, dapat diketahui asalnya;

sebuah satu buah;

menyebuhkan menjadikan satu;

berbuah **1.** mempunyai buah, menghasilkan buah: *rambutan saya sudah ~*; **2.** ki memberi hasil (akibat dll): *kahwin yg tidak bersehaluan itu tidak ~ elok*; **3.** berbintil-bintil halus (pd rambut kerana tidak dikeringkan dgn baik);

berbuah-buah ki menjadi-jadi: *ratap yg ~*;

berbuahkan mendapat (mempunyai) sbg buah: *padi itu ~ emas*;

membuahi **1.** Id menghamilkan, mempersenyawakan gen jantan dgn gen betina; **2.** = **membuah-buahi** mencampuri, menambah-nambah: *dia menangis sekuat-kuat hatinya sambil dibuah-buahi pula dgn ratap*;

membuahkan menghasilkan, menerbitkan (hasil dll): *memang bumi ~ padi dan tanah menghasilkan emas; persefahaman itu ~ cinta buat Alif Idham; Melur cuba ~ senyuman*;

buah-buahan **1.** buah tiruan; **2.** bermacam-macam buah, berbagai-bagai jenis buah;

pembuahan perihal membuahi (penghamilan).

buai ayun;

berbuai 1. terayun sama ada ke hadapan dan ke belakang atau ke kiri dan ke kanan, berayun: *gugusan buah di pohon itu ~ ditiup angin*; **2.** menaiki buaian: *anak kecil itu ~ bersama kawan-kawannya*;

berbuai-buai berbuai berulang-ulang, berayun(-ayun): *badannya yg gemuk kelihatan ~ apabila dia berjalan*;

membuai 1. menggerakkan sesuatu hingga berbuai-buai: *alun besar ~ kapal*; **2.** mengasyikkan, melekakan, melenakan: *hanyut dibuai khayalan; matanya dihalakan ke hadapan dan perasaannya tiba-tiba dibuai kesedihan*;

membuaikan 1. mengayunkan buai: *~ anak sehingga terlena*; **2.** menyebabkan berbuai: *angin yg bertiup lembut ~ janggutnya*;

terbuai-buai terus berbuai beberapa kali, terayun-ayun;

buaian 1. tempat tidur anak kecil yg boleh diayun atau tempat kanak-kanak berayun, ayunan; **2.** bandul loceng; *~ digoncang, anak dicubit* prb menyelimuti perbuatan (maksud) yg jahat.

buak I bunyi spt bunyi air yg memancar drpd mata air (air mendidih dll), bual;

membuak memancar keluar, membual: *tempat kena peluru itu, darah ~ keluar*;

membuak-buak 1. memancar keluar dgn banyaknya spt air mata air dsb hingga melimpah: *darah ~ keluar membasahi jari-jemari tangannya*; **2.** ki berkobar-kobar dan semakin kuat semangat, perasaan, keinginan dsb utk mencapai atau melaksanakan sesuatu, meluap-luap, melonjak-lonjak: *rasa ingin turut membantu Umi ~ dlm benakku; rasa marahnya ~*; **3.** ki terdapat sangat banyak

(tentang orang, harta dsb), berlimpah-limpah: *kesenangan ~, tetapi kami kehilangan kasih sayang;*

terbuak terpancar keluar: *tumit itu dikisar-kisarnya sehingga debu berkisaran dan ~ naik.*

buak II sj tumbuhan (herba), *Salomonina cantoniensis*.

buak III Mn ark mengolah, bertingkah, tidak tetap pendirian.

bual 1. bunyi spt bunyi air yg memancar dr mata air (air mendidih dll), buak, gelegak; **2.** pancaran (luapan) air (drpd mata air atau air mendidih): *~ air mendidih;* **3.** omong kosong, borak: *jemu aku mendengar ~ mereka;*

berbual, berbual-bual 1. = **membual** memancar keluar (air drpd mata air dll), menggelegak, meruap: *di tempat itu kadang-kadang tampak minyak yg membual dr dlm tanah;* **2.** bercakap-cakap (mengenai pelbagai perkara), berborak, beromong-omong: *kalau sudah asyik ~, lupa ia akan waktu; ~ kosong* bercakap-cakap (berbual-bual) tentang pelbagai perkara yg tidak penting, beromong-omong kosong;

membualkan, memperbualkan berbual mengenai sesuatu perkara, memborakkan: *ia sedang sibuk ~ kepandaiannya;*

bualan bual;

perbualan 1. perihal berbual (membual), percakapan: *~ mereka terhenti seketika;* **2.** bahan utk berbual, perkara yg dibualkan (dipercakapkan), percakapan: *kisah itu menjadi ~ orang ramai;*

pembual (orang yg) suka berbual.

buana sl dunia, jagat, bumi: *maka tersebutlah pula kisah tentang Betara Kala yg pd ketika itu sedang mengedari jagat ~.*

buang; *~ air besar* bh berak; *~ air kecil* bh kencing; *~ angin* keluarnya angin biasanya berbau busuk dr perut melalui dubur, kentut; *~ kerja* hukuman memberhentikan atau memecat seseorang drpd

kerja atau jawatannya; ~ *negeri (daerah)* hukuman yg dikenakan ke atas seseorang dgn memaksanya keluar dr sesebuah negara (daerah) bagi tempoh tertentu atau selama-lamanya; *hukuman* ~ hukuman pengasingan (ke tempat yg jauh dan terasing);

membuang 1. mencampakkan, melemparkan: *dlm permainan bola keranjang, bola dibuang, tidak boleh disepak; dicegah ~ sampah di sini*; **2.** menghapuskan, menghilangkan: *akhiran "kan" pd akhir perkataan ini harus dibuang*; **3.** = **membuang-buang** memboroskan, membazirkan, mensia-siakan: *tidak perlu ~ wang serupa itu; ~ tenaga*; **4.** menghukum dgn jalan mengasingkan ke tempat yg jauh (terasing): *raja itu hendak ~ puteranya yg derhaka ke tempat yg jauh*; **5.** menghentikan (sesuatu tabiat dll): *tabiat merokok tidak dapat dibuangnya langsung*;

~ *adat* tidak mengendahkan adat; ~ *agama* keluar drpd agama; ~ *aksi* Id membuat-buat supaya elok kelihatan; ~ *arang (di muka)* menghilangkan malu (aib); ~ *baka* mencemarkan nama baik keluarga; ~ *belakang* a) lari (melarikan diri); b) tidak mahu tahu (mengenai sesuatu); ~ *bicara* (membebaskan seseorang drpd dakwaan (mahkamah dll)); ~ *bini* menceraikan bini; ~ *buruk* luruh buahnya yg tidak elok (pokok); ~ *cangeraai* membuang sial; ~ *dadu* melemparkan dadu (dlm permainan); ~ *darah* membekam (mengeluarkan darah); ~ *diri* a) menjauhkan diri ke tempat lain; b) menarik (mengasingkan) diri; c) membunuh diri; ~ *hamil* menggugurkan anak (yg dlm kandungan); ~ *hidup* menghukum buang; ~ *hingus* mengeluarkan hingus dr dlm hidung; ~ *langkah* a) berjalan, berlari; b) melangkah ke belakang (dlm permainan pencak); ~ *malu* a) menghilangkan aib; b) membalas dendam (menebus malu); c) menyunati (anak dll); ~ *masa (tempoh, waktu)* mensia-siakan masa; ~ *mata (pandang)* melayangkan pandang,

memandang-mandang; ~ *muka* a) berpaling (kerana tidak hendak melihat); b) tidak mempedulikan; ~ *mulut* mengatakan sesuatu dgn samar-samar (tidak terus terang); ~ *nahas* menolak bala (dgn mandi safar); ~ *nyawa* a) mati; b) menebus dgn nyawa, mengorbankan nyawa; ~ *pelawa* mengajak, mempelawa; ~ *sepanjang adat* mengeluarkan drpd adat; ~ *sauh* menjatuhkan sauh; ~ *sial* berbuat sesuatu supaya hilang sial; ~ *sifat* (Palembang) melukai orang sehingga cacat; ~ *sikap* (*tingkah*) berjalan dll dgn dibuat-buat; ~ *tabiat* berkelakuan lain drpd biasa; ~ *tangan* mengayun tangan utk memukul dll (dlm pencak); ~ *tunang* Sr memutuskan pertunangan; ~ *ubat* (*tembakan*) menembak dgn tidak tentu sasaran; ~ *undi* menentukan sesuatu dgn undi; *laut tidak ~ sungai, rimba tidak ~ latah* prb orang besar (baik) tidak menolak jika diminta pertolongan;

membuangkan membuang utk orang lain;

terbuang 1. sudah dibuang; 2. sia-sia, tidak berguna;

terbuang-buang tersia-sia;

buangan 1. sesuatu yg dibuang (sampah dll); 2. (orang) yg dibuang (dihukum buang); 3. berada (dibentuk) di negeri asing kerana tidak dibenarkan (diharamkan) di negeri sendiri: *kami tetap pewaris takhta itu walaupun kami hidup dlm ~*; *kerajaan ~ kerajaan* yg dibentuk di negeri luar (utk melawan kerajaan yg ada);

pembuangan 1. perihal membuang(kan); 2. tempat membuang (sampah dll); 3. tempat hukuman (orang yg dihukum buang);

pembuang orang yg membuang sesuatu.

buapak NS ketua perut yg bertanggungjawab utk menyelesaikan perselisihan faham dlm perut di bawah jagaannya.

buar ark boros, tidak hemat.

buari dendeng.

buas 1. ganas, galak: *binatang yg ~*; 2. bengis, kejam, zalim: *hatta sekali persetua pencuri terlalu ~ dlm negeri Melaka*; 3. tidak terkawal: *utk memuaskan nafsu ~*;

membuas mengganas, berlaku bengis: *perompak-perompak sangat ~ pd masa ini*;

kebuasan kebengisan, keganasan, kezaliman: *menahan nafsu ~*.

buas-buas; ~ *bukit* = *bebuas bukit* sj tumbuhan (pokok renek), *Viburnum sambucinum*.

buasir penyakit yg disebabkan urat darah pd dubur membengkak, puru sembilik, hemoroid.

buat 1. bp = **berbuat**, **membuat**: *dia tu sehari dua ini ~ duit betul*; 2. untuk, bagi: ~ *sementara*; *rumah ini didirikan bukan ~ kita laki-laki*; *wang ~ beli baju*; 3. dijadikan sbg: ~ *penghibur di kala sunyi*; ~ *kawan (teman)*;

berbuat 1. mengerjakan (melakukan) sesuatu: ~ *baik (jahat, salah, dll)*; *ia tidak ~ apa-apa*; 2. sl = **membuat**: *maka Sultan Mansor Shah memberi titah pd Bendahara Paduka Raja menyuruh ~ istana*; *maka baginda ~ sebuah negeri terlalu besar*; ~ *baik berpada-pada*, ~ *jahat jangan sekali prb berbuat baik hendaknya berhad (jangan berlebih-lebihan)*, pekerjaan jahat jangan sekali-kali dibuat; ~ *kerja spt Mak Jujai prb orang yg selalu meninggalkan pekerjaan terbengkalai*;

membuat 1. = **memperbuat** membikin, membentuk, mencipta: ~ *rumah*, ~ *surat*; 2. mengerjakan, melaksanakan, melakukan, menjalankan: *apa yg hendak dibuat, nasi telah menjadi bubur*; 3. menyebabkan, menimbulkan, menerbitkan, mendatangkan, menjadikan: ~ *bagus*; ~ *buruk*; ~ *malu*; ~ *marah*; ~ *takut*; ~ *bodoh* a) membodohkan; b) berpura-pura bodoh; 4. memperlakukan (orang dll): *saya tak tahan melihatkan Narto dibuat begitu*; 5.

menggunakan utk, memakai utk: *janganlah kain itu dibuat baju*;
6. = **membuat-buat** berpura-pura, berlaku pura-pura, berbuat seakan-akan: *senyuman yg dibuat-buat*; ~ *mahu, menuras tidak* prb orang yg mencuba hendak membuat sesuatu pekerjaan, tetapi malas mempelajarinya;

membuatkan membuat sesuatu utk: *ia ~ adiknya segelas minuman*;

memperbuatkan membuat (dgn usaha): *bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pd Bendahara*;

terbuat dibuat (drpd): *dinding rumah itu ~ drpd papan peti susu*;

terperbuat telah dibuat (dikerjakan dll); *jika yg baik ~ bersilang cerana datang, jika yg buruk ~ bersilang telunjuk di bibir* prb perbuatan baik dapat pujian, perbuatan buruk dapat celaan;

buatan **1.** hasil pekerjaan: *kasut ~ tempatan; baju ~ sendiri*; **2.** sesuatu yg dikerjakan, kerja: *tak lain ~nya hanyalah berleter setiap hari*; **3.** cara (pekerjaan) membuat: *rumah ini baik ~nya*; **4.** yg dibuat (manusia), dr alam (tidak asli): *baja ~ ; bunga ~*; **5.** hasil ilmu ghaib: *penyakitnya ini ~ orang*; **6.** = **buat-buatan** yg dibuat-buat, tidak sungguh-sungguh, pura-pura: *sakit ~; tidur ~; bukan ~ bukan main-main, amat sangat*;

perbuatan segala yg dibuat, kerja, tindakan: *dibuatnya segala ~ yg salah*; ~ *siapa ini?*; *ia melarat kerana ~nya sendiri*;

pembuatan perihal (kegiatan, usaha, dsb) membuat: *perjanjian ini mengehadkan ~ kapal perang oleh Jepun*;

pembuat (orang dll) yg membuat: *kilang ~ paku*.

buaya I 1. sj reptilia besar berkulit tebal, berbadan panjang dan hidup di air: *Crocodylus spp.*; jenis-jenisnya: ~ *katak* = ~ *tembaga*, *Crocodylus porosus*; ~ *jolong-jolong* = ~ *jenjulong*, *Tomistoma schlegeli*; ~ *serunai*, *Crocodylus siamensis*; **2.** = ~ *darat* ki lelaki

yg suka menukar-nukar pasangan wanitanya dan meninggalkan mereka setelah dinodai;

adakah ~ menolak bangkai prb orang yg jahat tidak akan meninggalkan kesempatan utk membuat kejahatan; *air tenang, jangan disangka tiada* ~ prb orang yg tidak banyak cakap itu, jangan dipermudah (jangan disangka tiada berani dll); *bergalah ke hilir tertawa ~, bersuluh di bulan terang tertawa harimau* prb perbuatan yg sia-sia itu ditertawakan orang; *kalau menyeberang sungai biarlah ditelan oleh ~, tetapi janganlah dipagut oleh ikan kecil-kecil* prb kalau berbuat salah biarlah dihukum oleh orang besar, jangan dianiaya oleh orang kecil-kecil; *tak akan terlawan ~ menyelam air* prb tidak mungkin kita melawan orang yg kaya (berkuasa, pandai, dll); *tak usah diajar anak ~ berenang, ia sudah pandai juga (sedia)* prb tidak usah diajar orang yg sudah tahu;

membuaya **1.** menyerupai buaya, merangkak, meluncur; **2.** berkelakuan spt buaya darat;

membuayai **1.** menipu, mengakali; **2.** menggertak;

kebuayaan sifat atau perbuatan buaya darat, sifat suka mempermainkan perempuan: *ia hendak mendedahkan ~ pemuda-pemuda kota di dlm novelnya.*

buaya II = buaya-buaya balak tempat menegakkan tiang perahu.

buaya III; burung ~ sj burung, burung raja udang, pekaka, *Pelargopsis amauroptera.*

bubar **1.** cerai-berai (orang ramai yg berkumpul dll), berserak-serak, bersurai: *penunjuk-penunjuk perasaan ~ setelah polis mendapat bantuan lagi*; **2.** habis, selesai (mesyuarat, sekolah, dll), usai: *ketika ia sampai, mesyuarat baru saja ~*; **3.** selesai tugas, berhenti (kabinet, pertubuhan, dll): *syarikat kerjasama itu ~ kerana ahli-ahli tidak menunaikan tanggungannya*;

membubarkan **1.** menjadikan (menyuruh) bubar, menceraiberaikan, menyuraikan: *tunjuk perasaan itu dibubarkan polis*; **2.** menghabiskan (tugas dll), menghentikan (mesyuarat dll), meniadakan: *baginda mempunyai kuasa melantik PM atau ~ parlimen*;

pembubaran perihal (tindakan dsb) membubarkan: ~ *Dewan Rakyat*; ~ *syarikat*; ~ *Parlimen* (Udg) perihal membubarkan Parlimen utk membolehkan pilihan raya umum diadakan;

pembubar **1.** orang dll yg membubarkan; **2.** (Eko) orang yg menyelenggarakan pembubaran sesuatu syarikat dll.

bubo (Ubat) radang dan bengkak nodus limfa, biasanya bernanah, terutamanya di bahagian ketiak dan pangkal paha.

bubu beberapa jenis alat penangkap ikan (berupa bakul yg membolehkan ikan masuk tetapi menghalangnya keluar); jenis-jenisnya: ~ *batang* (*panjang, tidur*), ~ *diam* (*duduk*), ~ *jantung*, ~ *tadah*; *menahan ~ = memasang ~ menempatkan* bubu dlm air utk menangkap ikan; ~ *duduk jiwaku hilang* prb sia-sia melawan orang yg lebih drpd kita (hanya menyusahkan diri sendiri);

membubu **1.** berbentuk bubu, menyerupai bubu; **2.** menangkap ikan dgn bubu.

bubuh; membubuh **1.** menaruh, meletakkan sesuatu: *tanah ini boleh disuburkan semula dgn ~ baja*; ~ *harga* menaruh (menentukan) harga; **2.** menaruhkan, menambahkan: *rantai itu dibubuh di pangkalan supaya kapal tidak boleh lalu*; *jangan lupa ~ tanda ringgit dan titik*; **3.** menulis, memasukkan (dlm surat, laporan, dll), menempatkan (huruf, tanda, dll dlm tulisan): *segala kelakuan perang itu dibubuhnya dlm surat itu*;

~ *angka dua* memberi berangka dua; ~ *awalan dan akhiran* memberi berawalan dan berakhiran; ~ *koma* menempatkan koma; ~ *tandatangan* menandatangani;

membubuhi menaruh sesuatu, meletakkan sesuatu, menambah sesuatu dgn: *bajunya berkembang besar dan dibubuhi kain yg lain warnanya*;

bubuhan 1. sesuatu yg dibubuh; **2.** Id bunyi atau rangkaian bunyi yg dibubuh pd kata pokok (awalan, akhiran, dan sisipan);

pembubuhan penaruhan, penempatan, penambahan: ~ *tandatangan pd surat*.

bubuk I 1. serbuk pd benda-benda yg lapuk: ~ *kayu*; **2.** serbuk drpd benda yg ditumbuk: ~ *kopi*;

membubuk menumbuk hingga halus: ~ *kopi*.

bubuk II sj binatang berkulit keras (sj kumbang) yg suka makan (kayu, buluh, beras, dll): *kayu itu tidak dapat dipakai lagi kerana sudah dimakan* ~.

bubuk III ark; **membubuk** merebus.

bubul I sj bisul pd tumit (orang) atau pd kuku kuda; jenis-jenisnya: ~ *bubuk*, ~ *gantang*, ~ *malai*, ~ *sarang*, dll.

bubul II; membubul membaiki jala (jaring dll) yg sobek: ~ *pukat*.

bubul III Id; **membubul** naik ke atas (membumbung), keluar (timbul) banyak-banyak bersama-sama.

bubun-bubun Mn ubun-ubun (kepala).

bubung; bubungan bahagian rumah yg di atas sekali utk rumah yg atapnya berbentuk huruf V terbalik: *setinggi-tinggi terbang bangau, hinggap ke ~ juga*.

bubur sj makanan (drpd beras, jagung, kacang hijau, dll) yg lunak dan berair;

~ *Asyura* bubur drpd campuran berbagai-bagai bahan yg dibuat pd hari Asyura, iaitu hari yg ke-10 dlm bulan Muharam; ~ *ayam* bubur nasi yg mengandungi daging ayam; ~ *kacang hijau* bubur drpd campuran kacang hijau, gula, dll; ~ *kanji (ayam)* bubur nasi (ayam) yg dibubuhi bawang dan rempah-rempah lain; ~ *lambuk* sj bubur nasi yg dicampurkan dgn sayur-sayuran, isi ikan, dll; ~ *sumsum* bubur drpd tepung beras;

kurang-kurang ~, *lebih-lebih sudu* prb a) perkara kecil yg dibesar-besarkan orang; b) sedikit pengetahuan tetapi cakap besar; *nasi sudah menjadi* ~ prb sesuatu (perbuatan dll) yg sudah terlanjur.

bubus I tidak berambut (di kepala), botak.

bubus II = **membubus** berterbangan keluar dgn ramai, keluar dgn ramai: *bagai anai-anai* ~.

bubut I = *tali* ~ = **bubutan** tali penegak tiang (perahu dll) utk mengukuhkan tegak tiang (perahu dll); *layar bubutan* layar segi tiga (dipasang searah dgn tali bubutan dekat tiang agung).

bubut II = **bubutan** Id alat yg memusingkan besi utk dibulatkan dan dihaluskan;

mesin ~ bubut; *tukang* ~ orang yg mengerjakan besi dgn bubut;

membubut mengerjakan besi dgn bubut;

pembubut 1. alat utk membubut, bubut; **2.** tukang bubut.

bubut III; membubut mencabut (bulu, janggut, rumput, dll).

bubut IV sj burung, *Centropus spp.*, butbut; ~ *kecil* sj burung, *Centropus bengalensis*.

bubut V sj tumbuhan (pokok renek), tapak kerbau, *Clerodendron villosum*.

bucu penjuru, sudut: ~ *meja*; ~ *bilik*;

berbucu berpenjuru, bersudut; ~ *enam* bersudut enam.

budak 1. anak, kanak-kanak: ~ *sekolah*; 2. hamba sahaya, pembantu rumah, abdi, amah, jongos: *janganlah kauperlakukan aku sbg ~mu*;

~ *belian* hamba yg diperoleh dgn membeli; ~ *dalam* hamba istana; ~ *kundang* biduanda; ~ *pejabat* penyelenggara pejabat, peon; ~ *raja* budak (orang) suruhan raja; ~ *suruhan* budak yg disuruh-suruh; ~ *tanggung* orang yg belum dewasa tetapi tidak juga muda; *bagai ~ sapu hingus* prb dikatakan kpd orang yg beroleh malu dlm sesuatu majlis; *membekali ~ lari* prb dua kali rugi;

budak-budak kanak-kanak: *macam ~ merajuk kena pujuk*; *bukan ~ makan pisang* prb bukan orang yg dapat dipermain-mainkan (diperdayakan);

berbudak sl bersama budak: *maka Sultan Mahmud Shah pun pergi dua ~, kitab baginda sendiri membawa dia*; *dua ~ berdua* dgn seorang budak;

berbudak-budakan, kebudak-budakan, kebudakan spt budak-budak (kelakuan dll), keanak-anakan: *maka raja pun tertawa melihat Patih menari itu kebudak-budakan*;

membudak bk memperhambakan diri, mengabdikan, menjadi hamba sahaya: *dgn keadaanku sekarang ini belum perlu aku ~ kpd orang*;

membudakkan, memperbudak memperhambakan, menjadikan hamba, memperlakukan spt hamba: *dia bukan spt kita, dia tidak diperbudak wang*;

memperbudak-budakkan memperlakukan seseorang spt budak-budak (yg dianggap masih mentah, tidak berpengalaman dsb): *skwad pelapis bola sepak Pasukan A berjaya ~ Pasukan B dlm pertandingan itu*; *dia terasa dirinya diperbudak-budakkan oleh sekumpulan pelajar senior*;

perbudakan perihal budak (hamba), perihal dibudakkan (diperbudak): *engkau telah terlepas drpd kongkongan ~;*

pembudakan perihal (perbuatan) membudak(kan): *~ orang yg lemah oleh yg kuat.*

budaya **1.** tamadun, peradaban: *~ Islam;* **2.** kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir, berkelakuan, dsb): *~ kuning;* **3.** bersifat budaya, yg mengenai kebudayaan, (yg) sudah maju (akal budi): *antropologi ~;*

~ kuning budaya Barat yg dianggap mempunyai unsur-unsur buruk atau negatif; *~ rakyat* cerita, adat, pakaian, tingkah laku dsb yg diwarisi oleh sesuatu masyarakat atau bangsa;

berbudaya mempunyai budaya, memiliki cara berfikir dgn akal budi yg sudah maju: *bangsa yg ~;*

membudaya menjadi kebiasaan atau kelaziman, membentuk kebudayaan: *hukuman moral ini belum ~ di negara ini;*

membudayakan **1.** mengajar atau mendidik seseorang (masyarakat dll) supaya berbudaya: *berfikir secara ilmiah bertujuan utk ~ masyarakat;* **2.** membiasakan sesuatu perilaku (perbuatan dll) yg baik supaya berbudaya atau beradab;

kebudayaan keseluruhan cara hidup (yg merangkumi cara bertindak, berkelakuan, dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yg berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi): *Melaka merupakan pusat ~ Melayu sebelum kedatangan orang Barat;*

pembudayaan proses atau cara membudayakan sesuatu (pemikiran, ilmu, dll): *~ ilmu di kalangan pelajar penting utk pembinaan negara.*

budayawan ahli dlm bidang kebudayaan: *para ~ memberi pengertiannya sendiri.*

Buddha agama yg diasaskan oleh Sidharta Gautama.

budek Jw ark tuli; *surat* ~ surat buta, surat terbang.

budi **1.** akal, kebijaksanaan: *pendidikan juga bertujuan membentuk ~ manusia; sungguhpun tuan hamba raja, ~ tuan hamba kurang*; **2.** = ~ *pekerti* perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan, watak: *wah, terlalu sekali ahmak ~ku, kerana seorang perempuan, saudaraku kuturunkan dr atas takhta kerajaannya*; **3.** sifat baik, perbuatan baik, kebajikan: *banyak benar ~ emak kpd kami; berhutang (terhutang, makan, tanggung) ~ berasa berterima kasih terhadap kebaikan orang; mengenang ~ tidak lupa akan kebaikan orang; membalas ~ membalas kebaikan seseorang (dgn memberi bantuan dsb); menabur ~ sering membuat kebaikan; menanam (bertanam) ~ berbuat kebaikan (jasa dsb) kpd orang*; **4.** bicara, daya upaya: *apa ~ kita utk menentang kekejamannya?*

~ *bahasa* tingkah laku dan pertuturan; ~ *bicara* a) akal; b) kebebasan membuat pertimbangan yg sewajarnya drpd seseorang yg dianggap berkuasa (berwibawa) dlm sesuatu hal: *segalagalanya bergantung pd ~ bicara Ketua Pengarah;*

kurang ~ teraba-raba, tidak ilmu suluh padam prb orang yg kurang akal (pelajaran) akan mendapat kesusahan; *sebab ~ boleh kedapatan* prb kelakuannya sendiri yg menyebabkan kerugian (kerosakan);

sebudi; (*dgn*) ~ *akal* dgn segala daya upaya, dgn bersungguh-sungguh;

berbudi **1.** berakal, bijaksana; **2.** = ~ *pekerti* berkelakuan baik, sopan; **3.** baik hati, pemurah;

~ (*diri*) *bagai pisang lebat* prb mendapat bencana kerana angkuh;

memperbudikan Mn memperdayakan, menipu.

budidaya Jw usaha yg bermanfaat dan memberi hasil; ~ *ikan*.

budiman berbudi, berakal, bijaksana: *keempat-empat hulubalang itu terlalu perkasa lagi ~;*

kebudimanan ketinggian tingkat bijaksana (murah hati): *A. Samad Said terkenal dgn ~ hatinya kpd teman-teman penulis.*

budu sj pekasam ikan; *kalau kubuka tempayan ~, baru tahu prb kalau kubuka rahsiamu tentu akan malu dll.*

buduk sj penyakit kusta.

budur terspil keluar (mata dll).

buenam bongkah yg mempunyai enam muka.

bufet (bufét) hidangan pelbagai jenis makanan dan minuman (biasanya dihidangkan di atas meja secara layan diri) utk dinikmati oleh tetamu.

bugar; *segar*-~ sangat sihat;

kebugaran **1.** hal subur (tentang tumbuhan): *benih itu lebih besar dan akan tumbuh sbg pokok-pokok yg rendah dan penuh ~;* **2.** hal sihat dan segar (tentang tubuh manusia).

bugi-bugi sj tarian Barat yg banyak memerlukan pergerakan badan.

Bugis suku bangsa yg berasal dr Sulawesi Selatan, Indonesia, yg terkenal sbg pelaut.

bugu; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), sirih (kerakap) rimau, *Piper porphyrophyllum*.

buhuk beguk, gondok.

buhul, buhur Mn simpul, ikatan (tali dll): *tidak boleh terbuka lagi buhurnya;*

membuhul menyimpul, mengikat (tali);

~ jangan membuku, mengulas jangan mengesan prb merahsiakan sesuatu hendaklah sempurna; mengebat erat-erat, ~ mati-mati prb membuat perjanjian hendaklah dgn sempurna;

buhulan simpulan, ikatan: *ia menggumpalkan ~ kainnya kukuh-kukuh.*

bui I IB jel, penjara;

dibui dijel, dipenjarakan.

bui II pelampung di laut sbg isyarat bagi kapal.

buih gelembung-gelembung udara pd cecair, busa; *kalau pandai meniti ~, selamat badan ke seberang prb kalau keras kemahuan nescaya tercapai maksud;*

berbuih, membuih mengeluarkan buih, ada buihnya, berbusa: *sabun ~ apabila dicampurkan air; ~ mulut ki tidak berhenti-henti memperkatakan (orang, peristiwa, sesuatu hal, dll);*

membuihkan menjadikan berbuih: *air lembut mudah ~ sabun;*

pembuihan perihal membuih(kan), pembusaan.

bujal 1. tersembul (pusat), tersempal; **2.** Pl pusat yg tersembul.

bujam bekas (sirih dll) yg dibuat drpd mengkuang dll yg dianyam.

bujang I 1. tidak beristeri, tidak (belum) bersuami: *sahabat-sahabat lelaki yg masih ~ lagi menghadiahkan sebuah puan kepadanya;* **2.** orang (laki-laki atau perempuan) yg sudah dewasa (sudah boleh berkahwin): *di mana ~ yg tadi itu;* **3.** janda (perempuan); *~ jalang* perempuan jalang; *~ bercerai* janda yg diceraikan suaminya; *~ talang* janda yg tidak mempunyai anak; **4.** pelayan, pembantu rumah, jongos: *lampu minyak tanah sudah lama dipasang oleh ~nya;* **5.** ki tidak berkawan, bersendirian; *katil ~ katil* utk satu orang; *kopi (air) ~ kopi (air) sahaja* (tidak bersama kuih dll); **6.** bk kemaluan laki-laki;

~ dan khunsa jenis pokok yg bunga jantan dan bunga khunsanya terdapat pd pokok yg berlainan; *~ serta khunsa* jenis pokok yg bunga jantan dan bunga khunsanya terdapat pd pokok yg sama; *~ sabilillah* sl tentera dlm perang suci;

bak ~ jolong berkeris (bersubang) prb orang yg sombong kerana kekayaan (kebahagiaan) yg baru diperoleh; *bak ~ setahun sudah betetak, bak gadis setahun sudah memanjangkan gombak* prb orang yg menjadi sombong kerana mendapat kekayaan (kemuliaan);

membujang 1. hidup dgn tidak (belum) berkahwin: *hidup ~ takkan semuanya lengkap*; **2.** bekerja sbg bujang (pembantu rumah): *ia ~ kpd orang kaya*; **3.** Kl bersetubuh dgn pelacur;

pembujangan perihal membujang, hidup membujang: *dlm Islam, tidak digalakkan ~.*

bujang II; pebujangan, pembujangan, perbujangan; *balai perbujangan* sj balai di istana; *jong ~ sj jong kerajaan; pedang perbujangan* sj pedang kerajaan Perak.

bujang III; *~ semalam* sj tumbuhan (herba), rumput tahi babi, *Tarenna fragrans*.

bujangga 1. = **bujanggi** sl orang yg pandai, cerdik pandai; **2.** sl pendeta, pertapa: *jogi berhaman ~*; **3.** sasterawan, pengarang sajak (syair dll): *dan dialah yg menjadi kidung bagi segala dalang dan ~*; → **pujangga.**

bujuk I = bujukan pujuk;

membujuk memujuk;

terbujuk terpengaruh dgn pujuk rayu dan kata-kata manis: *semuanya telah dibebaskan sebelum sultan itu cukup ~ utk berangkat pulang*;

pembujukan pemujukan: *teknik-teknik ~ diplomasi*;

pembujuk orang yg membujuk; → **pujuk.**

bujuk II sj ikan darat, *Channa lucius*; *spt ~ lepas drpd bubu* prb dgn cepat menghilang sesudah terlepas sengsara.

bujur I 1. = ~ telur = bulat ~ mempunyai bentuk spt bentuk telur ayam, lonjong: *mengapa raga ini ~ ?; muka ~; segi empat ~* (Mat) rajah segi empat yg mempunyai empat sudut tepat; **2.** panjang (bidang, bongkah, dll): *lipat tepi lintang kain dahulu, kemudian tepi ~ kain supaya rata; ruang tamu itu ~nya 6.7 meter dan lebarnya 4.5 meter;*

~ sangkar Id a) empat persegi tepat; b) persegi; *10 meter ~ sangkar 10 meter persegi; ~ sirih bulat memanjang (spt daun sirih); ~ songsang bulat melebar, lwn bujur sirih; ~ telur = bulat ~ bulat panjang (spt telur), lonjong, penjong; ~ lalu, lintang patah* prb mengerjakan sesuatu haruslah menurut aturannya;

membujur 1. terletak memanjang: *banjaran gunung itu ~ dr utara ke selatan Tanah Melayu; mayat itu ~ kaku; 2.* mengikut panjang atau memanjang: *potong melintang atau ~; ~ jari menyambung tangan dgn mempertemukan hujung jari;*

membujurkan meletakkan mengikut panjang atau secara memanjang: *mereka ~ mayat itu ke arah kiblat;*

terbujur terletak (terbaring) membujur; ~ *lalu, terlintang patah* prb perintah yg tidak dapat dialang-alang (terpaksa diturut).

bujur II mujur.

buk bunyi spt bunyi buah gugur ke tanah, debuk, lebuk.

buka 1. ukuran panjang dan lebar sesuatu, luas: *sebuah gua yg luas, ~nya tiga puluh hasta dr kiri ke kanan dan tiga hasta dr atas ke bawah; ruang tamu itu ~nya 7m × 5m; 2.* jarak lintang sesuatu: ~ *jalan itu tiga depa; jambatan yg sedang dibina itu ~nya 10 meter;*

berbuka = ~ puasa mengakhiri puasa dgn makan dan minum ketika masuknya waktu maghrib;

membuka 1. menjadikan tidak tertutup (bertutup): ~ *almari; ~ bungkusan; ~ mata; ~ peti; ~ pintu; ~ tabir; 2.* menanggalkan,

melucutkan: ~ *baju* (*pakaian*); ~ *kupiah* (*songkok, topi, dll*); ~ *kasut*; **3.** melepaskan, menguraikan, menetaskan: ~ *buhul*; ~ *simpul*; ~ *tali*; **4.** membentangkan, mengembangkan: ~ *tangan*; **5.** bp menghidupkan (lampu, kipas, radio, dsb) dgn memetik suisnya, memasang; **6.** menebang-nebas (utk membuat atau mengusahakan sesuatu), merintis, meneroka; ~ *hutan* menebang kayu-kayan utk dijadikan tempat menanam dll; ~ *jalan* a) menebas semak dll utk membuat jalan; b) membenarkan orang (kenderaan dsb) lalu, memberi jalan; c) ki pertama-tama mengerjakan sesuatu (yg memudahkan usaha seterusnya oleh orang lain), merintis jalan, memelopori; d) memastikan kemungkinan (mendapat sesuatu yg dipohon dsb), memberikan panduan; ~ *kebun* menebas semak dll utk dijadikan kebun; ~ *negeri* menebas hutan utk dijadikan negeri; ~ *tanah* menebas hutan utk mendapat tanah bagi pertanian; **7.** memberikan, mengadakan (peluang dll): ~ *peluang pekerjaan yg luas kpd penduduk*; **8.** memulai atau memulakan (sesuatu), mula menyelenggarakan (menguruskan, menggerakkan, dsb); ~ *bicara* = ~ *kata* memulakan bicara; ~ *mesyuarat* (*perundingan, rapat, sidang*) memulai mesyuarat dll; ~ *kedai* (*toko, perusahaan, sekolah*) memulakan kegiatan kedai dll; ~ *serangan* memulakan serangan; **9.** mendedahkan, memperlihatkan: ~ *hati*; ~ *rahsia* (*tembelang*); ~ *warna*; ~ *faal* melihat tenung (utk meramalkan); **10.** menimbulkan rasa ingin atau mahu melakukan sesuatu (spt makan dll): ~ *selera* (*nafsu dsb*); **11.** mengumumkan dgn rasmi (bahawa sesuatu itu sudah sedia utk digunakan dsb), merasmikan: *Menteri Pendidikan akan ~ bangunan baru sekolah itu*; **12.** membenarkan (memberi peluang kpd) orang ramai utk menyertai (menyaksikan dsb): *pameran ini dibuka kpd orang ramai dr pukul 9.00 pagi hingga pukul 9.00 malam*;

~ *hati* menimbulkan perasaan ingin akan sesuatu; ~ *langkah seribu* lari meninggalkan sesuatu tempat (kerana takut dsb); ~ *mata* a) meluaskan pandangan serta pengalaman dgn melawat tempat orang; b) menyedarkan, menginsafkan; ~ *mulut* a) bercakap, berkata-kata, mengeluarkan kata-kata; b) mengadukan hal kpd seseorang yg difikirkan boleh memberi bantuan (mengambil tindakan sewajarnya dsb); ~ *pintu* ki memberikan peluang (kesempatan), tidak menyekat; ~ *telinga* mendengar baik-baik;

membukai **1.** membuka utk: *tidak dibukai pintu utk ia masuk*; **2.** membuka banyak kali: ~ *segala beg untuk pemeriksaan kastam*;

membukakan **1.** membuka: ~ *mata*; **2.** membuka utk: *dia ~ suaminya pintu dibukakan oleh isterinya dan ia pun masuk*;

terbuka **1.** tidak tertutup (bertutup), terdedah; **2.** terlepas, terurai, tertetas (ikatan, jahitan, dsb); **3.** terkembang, terbentang (layar, payung, dsb); **4.** terluang, ada (peluang pekerjaan dsb), tersedia: *peluang pekerjaan ~ luas kpd anak-anak muda di kawasan perusahaan luar bandar*; **5.** telah dilihat (diketahui) orang (rahsia dsb), terdedah, terbongkar: *rahsianya telah ~*; **6.** tidak terhad (tersekat) kpd orang tertentu sahaja; *rapat ~ rapat* yg boleh dihadiri oleh setiap orang; *rumah ~ rumah* yg dapat dikunjungi oleh semua orang (biasanya pd hari-hari perayaan tertentu spt Hari Raya Aidil Fitri dsb); *surat ~ surat* kpd orang tertentu tetapi dihantar utk disiarkan dlm akhbar (sbg menyatakan bantahan dsb); ~ *kpd* dibenarkan (boleh) disertai oleh (orang yg dinyatakan dsb); **7.** secara terang-terangan, tidak secara rahsia, tidak tersembunyi; *perang ~ perang* secara terang-terangan (bukan perang gerila dsb); **8.** terus terang (sikap, kelakuan); **9.** senang dan lega (fikiran, hati, dsb), lapang: *fikiran yg ~*; **10.** luas: *pandangan yg ~*; *laut ~ laut* yg luas; **11.** mudah menerima (pengaruh luar dsb), terdedah:

masyarakat di pinggir bandar lebih ~ kpd pengaruh kemajuan di bandar; 12. timbul keinginan utk melakukan sesuatu (spt makan dsb): ~ *nafsu (selera);*

~ *di hati* terasa (timbul, terlintas) dlm hati (sanubari); ~ *rezeki*, mudah mendapat rezeki, murah rezeki; *dgn tangan* ~ a) dgn murah hati; b) dgn senang hati, dgn rasa gembira;

keterbukaan perihal terbuka (hati), sikap berterus terang, perihal atau sikap sedia melayani atau menunjukkan minat kpd apa sahaja pengaruh (unsur, ransangan, dll);

bukaan (Fiz) lubang (biasanya bulat) pd kamera (teropong kembar dsb) yg mengawal banyaknya cahaya yg masuk;

perbukaan makanan dan minuman yg disajikan utk berbuka puasa;

pembukaan perihal atau perbuatan membuka, permulaan;

pembuka **1.** orang yg membuka; **2.** alat utk membuka (sesuatu): ~ *botol; ~ surat; 3.* awal, permulaan: ~ *kata;*

~ *jalan* a) perintis, pelopor; b) sesuatu yg memberikan atau mengadakan peluang (kesempatan); ~ *jalan fikiran* sesuatu yg menimbulkan kesedaran: *petunjuk Allah adalah ~ jalan fikiran dan penyuluh hidup yg sebenar; ~ langkah* sesuatu yg memulakan (kegiatan dll); ~ *mata* sesuatu yg menyedarkan orang atau pihak yg tertentu drpd kesilapan, kekurangan atau sesuatu yg tidak diketahui sebelum ini: *kebangkitan pemain senior yg menyerlah dlm beberapa kejohanan besar menjadi ~ mata masyarakat tempatan dan antarabangsa; ~ pintu* sesuatu yg memberi kesempatan kpd, sesuatu yg merintis jalan kpd; ~ *selera* makanan yg boleh mendatangkan selera.

bukan 1. = bukannya sebenarnya tidak, berlainan drpd yg sebenarnya: *anak itu ~ bodoh tetapi malas; ini ~ kali pertama ia datang ke*

mari; ~ *begitu cara membuat kerja*; **2.** utk menyatakan pertanyaan yg mengeraskan dugaan (pd akhir ayat): *ini bukumu, ~?*

~ *barang-barang(sebarang)* bukan biasa (sahaja); ~ *buatan (kepalang, main)* amat sangat; ~ *logam* unsur yg lain drpd logam;

bukankah = **bukantah** apakah bukan;

sebukan; *seia* ~ *seia sekata*;

bukan-bukan 1. mustahil, tidak munasabah, tidak beralasan, tidak benar: *fitnah* yg ~; *memikirkan perkara* yg ~; *bertanya* yg ~; *melepaskan kata nista* yg ~; **2.** amat sangat: ~ *bodohnya*;

membukankan menafikan, memungkiri, mengingkari: *mereka* ~ *ajaran Nabi Muhammad*.

bukat keruh, kotor (air dll): *angkasa seluruhnya diliputi oleh awan hitam* ~.

bukau lembah; *bukit* ~ *bukit* dan lembah.

buk-bak bunyi spt buah durian jatuh.

bukit I kawasan tanah yg tinggi tetapi tidak setinggi gunung;

~ *bukau* bukit dan lembah; ~ *kaki* bukit yg rendah di sekitar kaki gunung; ~ *pasir* timbunan pasir kering yg terbentuk oleh tiupan angin, terutamanya di kawasan gurun; *anak* ~ bukit kecil;

~ *jadi paya, paya jadi* ~ prb orang kaya (mulia) jadi miskin (hina) dan sebaliknya (nasib manusia itu tidak tetap); ~*lah tinggi, lurahlah dalam* prb seseorang yg telah tua dan tidak dapat ke sana sini lagi;

berbukit mempunyai bukit; ~ *di balik pendakian* prb lepas kesusahan mendapat lagi kesukaran;

berbukit-bukit mempunyai banyak bukit, banyak bukit dan lembahnya: *kawasan itu* ~;

membukit menyerupai bukit: *gelombang* yg~;

perbukitan lapisan bumi yg berbukit-bukit, kawasan yg berbukit-bukit: *perkebunan teh*

di ~.

bukit II; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput kuran (keladi) *Fimbristylis miliacea*.

bukram sj kain kejur yg digunakan utk mengeraskan bahagian tertentu pakaian, buku dsb.

buksinator (Bio) otot pipi yg nipis dan leper.

bukti keterangan yg nyata, tanda kebenaran, dalil: *dlm perbicaraan, pihak yg menuduh berkewajiban memberi ~ atau dalil yg menunjukkan pihak yg dituduh telah berbuat salah; surat inilah sbg ~ bahawa ia telah meminjam wang drpd saya;*

~ diri Id keterangan tentang kenyataan diri; *~ nyata diri* Id kad pengenalan; *~ saksi* penyaksian, bukti yg dikemukakan oleh saksi;

berbukti mempunyai bukti: *kesalahan yg telah ~;*

berbuktikan mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg bukti: *pertukaran nama itu dibenarkan dgn ~ dokumen-dokumen sokongan yg sah sahaja;*

membuktikan **1.** menyungguhkan (meyakinkan) dgn bukti: *persetujuan antara India dan Pakistan itu sekali lagi ~ bahawa masalah-masalah Asia dapat diselesaikan oleh orang Asia sendiri;* **2.** menyatakan kebenaran sesuatu dgn bukti: *guru menyuruh Ali ~ bahawa bumi ini bulat;* **3.** memperlihatkan: *dlm mesyuarat itu, ia telah ~ kecekapannya berdebat;*

terbukti ternyata dgn bukti: *nyatalah dan ~ bahawa keputusan mahkamah rendah itu salah dr segi undang-undang;*

pembuktian perihal (perbuatan, usaha, dsb) membuktikan.

buku I 1. tempat pertemuan dua ruas (buluh, tebu, dll), sendi (jari, tangan, kaki dll): *~ buluh; ~ jari;* **2.** bongkah kecil-kecil (gula,

tanah, dll), tampang (tembakau); **3.** penjodoh bilangan utk benda yg berbongkah: *se~ sabun*;

~ benang gelendong; *~ kaki* buku pd jari kaki; *~ lali* mata kaki; *~ lima* tangan yg digenggam, tinju; *~ sendi* sendi (dlm erti yg umum); *~ dlm hati* prb yg terasa dlm hati; *bertemu ruas dgn ~* prb sesuai benar; *cari umbut kena ~* prb dicari baik, tetapi dapat yg tidak berguna; *jangan sangat pemilih, takut terkena ~ buluh = pilih-pilih ruas, terpilih pd ~* prb janganlah terlalu memilih; *orang bertemu ~* prb orang yg selalu dlm perselisihan kalau bergaul;

berbuku 1. mempunyai buku: *buluh ~*; **2.** berbongkah kecil-kecil: *gula itu ~ kerana terkena air*;

membuku, terbuku 1. menjadi bongkah-bongkah kecil: *tepung ~ apabila kena air*; **2.** terganggu perasaan (dlm hati): *sejak itu ~lah dendam dlm hatinya; biarlah aku bercakap melepaskan apa yg ~ dlm hatiku*;

perbukuan sendi, persendian.

buku II helaian kertas berjilid yg berisi tulisan dsb utk dibaca atau yg mengandungi ruangan kosong utk ditulis;

~ akaun set rekod (termasuk lejar, invois, perjanjian, surat-menyurat, dll) dlm perakaunan utk mencatatkan semua urusan niaga sesebuah organisasi; *~ catatan* buku tempat ditulis catatan; *~ harian* a) buku catatan kira-kira jual beli hari-hari; b) buku catatan harian (pd kapal dll); *~ hitam* buku yg mencatatkan nama-nama orang yg dianggap berbahaya dll; *~ jualan harian* rekod khas setiap jualan barang niaga yg dicatat buat pertama kalinya; *~ kecil* buku yg kecil saiznya (biasanya berkulit nipis) dan mengandungi keterangan ringkas tentang sesuatu; *~ kedatangan* buku yg menandakan kehadiran murid ke sekolah setiap hari; *~ kerja* buku yg mengandungi keterangan ringkas tentang sesuatu hal yg

diajarkan serta soal-soal yg perlu dijawab oleh pelajar; ~ *kosong* buku yg belum bertulis (bercetak) apa-apa di dlmnya; ~ *laporan* buku yg mengandungi laporan (tentang kerja dsb); ~ *latihan* = ~ *rampaian* buku utk murid sekolah membuat latihan (berhubung dgn sesuatu pelajaran); ~ *panduan* buku yg menjadi panduan dlm mengerjakan sesuatu pekerjaan; ~ *pelawat* buku yg mengandungi tandatangan pelawat ke sesuatu tempat; ~ *putih* buku yg mengandungi keterangan kerajaan tentang sesuatu; ~ *rujukan* buku tempat mencari keterangan yg lebih lanjut; ~ *sekolah* buku yg dipakai oleh murid (pelajar) sekolah; ~ *simpanan bank* buku yg dikeluarkan oleh bank kpd pelanggannya, yg mengandungi rekod kira-kira simpanan pelanggan di dlm bank; ~ *teks* buku yg digunakan oleh pelajar sbg buku rujukan yg standard utk sesuatu mata pelajaran tertentu; ~ *terpakai* buku yg sudah digunakan oleh seseorang dan dijual kembali; ~ *tulis* buku kosong utk menulis; ~ *tunai* buku yg mencatatkan wang tunai yg diterima dan dikeluarkan; *tidak masuk* ~ bp tidak masuk kira;

membukukan **1.** mencatat(kan) dlm buku: *segala penjualan mesti dibukukan*; **2.** menerbitkan sbg buku atau dlm bentuk buku, menjadikan buku atau berupa buku: *kerja mereka ialah merakamkan cerita pelipur lara yg kemudian akan dibukukan*; *kertas kerja dan hasil seminar tersebut cukup baik jikalau dibukukan dan didokumentasikan*;

kebukuan spt bahasa tulisan (formal): *perkataan itu agak ~ bunyinya*;

pembukuan **1.** perihal mencatat dlm buku: ~ *hasil urus niaga mestilah dilakukan setiap hari*; **2.** penerbitan (pengeluaran dsb) dlm bentuk buku: ~ *puisi juga diberi perhatian oleh para penerbit*.

bukung Jw **1.** tidak berekor; **2.** berambut pendek (perempuan).

bukur I Mn cukur.

bukur II Jw butir (gula, garam, dll).

bukut; membukut 1. menutup, membungkus; **2.** ki mendiamkan (tidak menghebohkan) sesuatu perkara, merahsiakan;

pembukut penutup, pembungkus.

bulai balar, sabun.

bulan I 1. satelit semula jadi bumi yg bergerak mengelilingi bumi sekali dlm 28 hari, dan bersinar pd waktu malam oleh cahaya yg dibalikkan dr matahari: ~ *bercahaya pd malam hari; kapal angkasa Rusia sudah berhasil mendarat di ~*; **2.** masa antara mula nampak bulan sehingga hilang balik (29 atau 30 hari): ~ *Muharam ialah ~ pertama tahun Islam*; **3.** masa yg lamanya 1/12 tahun Masihi (pd 12 bulan dlm setahun): *saya akan ke Singapura dlm ~ Ogos*;

~ *adik maulud Rabiulakhir*; ~ *apit = ~ berapit = ~ terapit Zulkaedah*; ~ *arwah Syaaban*; ~ *bahasa bulan* (yg tertentu atau yg ditetapkan) yg pd sepanjang tempohnya berbagai-bagai kegiatan kebahasaan dijalankan; ~ *bintang gambar bulan dan bintang sbg lambang beberapa negara Islam* (biasanya lambang ini terdapat pd bendera); ~ *datang = ~ muka bulan selepas bulan ini*; ~ *gerhana (kapangan, dimakan rahu)* tidak tampak bulan kerana berada dlm bayangan bumi; ~ *haji Zulhijah*; ~ *kenduri apam Rejab*; ~ *madu masa pengantin baru menikmati perkahwinannya dgn berpergian ke tempat lain*; ~ *mati bulan gelap*; ~ *maulud Rabiulawal*; ~ *muda bulan* (yg tampak) antara 1 hingga 10hb; ~ *nahas Safar*; ~ *purnama bulan penuh* (14 hingga 15hb); ~ *puasa Ramadan*; ~ *raya Syawal*; ~ *sabit bulan* yg nampak spt sabit; *B~ Sabit Merah* pertubuhan sukarela antarabangsa di negara-negara Islam (yg

berlambangkan bulan sabit berwarna merah) yg sama fungsinya dgn Palang Merah; ~ *sura* (*api, Hasan-Hussain, takut, penceraian tahun*) Muharam; ~ *susut* (*tua, surut*) bulan yg nampak bertambah kecil (sesudah 20hb); ~ *timbul* bulan terbit; *datang* (*melihat, membawa, mendapat*) ~ mendapat kain kotor, datang kotor, haid; ~ *dipagar bintang* prb sudah patut benar, sangat cocok; *bagai* ~ *empat belas* prb peri keelokan muka perempuan; (*bagai*) ~ *kesiangan* prb pucat (tidak jernih, terang); *jirus bagi* ~ *akan habis* prb makin lama makin kurang (modal dll); *spt* ~ *dgn matahari* prb sudah sepadan (sejodoh dll); *spt* ~ *dimakan Rahu* prb menyatakan betapa asyiknya seorang laki-laki memeluk kekasihnya; (*spt*) *kejatuhan* ~ prb menyatakan keuntungan yg besar; *siang bagi hari, terang bagi* ~ prb sudah terang sekali (kesalahan dll);

bulan-bulan, bulan-bulanan 1. benda (gambar dll) yg spt bulan; 2. sasaran (utk menembak dll);

berbulan 1. mempunyai bulan; 2. hingga sebulan (lamanya): *pekerjaan ini dilakukan hingga ~*; 3. = **bulanan**: *gaji pekerja dihitung ~, dan bukan berminggu*;

berbulan-bulan hingga beberapa bulan (lamanya): *telah ~ hal itu berlaku*;

membulan merupakan bulan, tampak spt bulan;

bulanan (berlaku atau diadakan) setiap bulan: *gaji ~; penyata ~*.

bulan II sj ikan laut, *Megalops cyprinoides*.

bulan-bulan sj tumbuhan (pokok), senduk(-senduk), sesenduk, *Endospermum malaccense*.

bulang I 1. kain dll yg dililitkan pd kepala; ~ *bidang* sj tengkolok hitam; ~ *hulu* a) ikat kepala, tengkolok; b) sl kekasih; *tali* ~ tali yg dililitkan di kepala sbg ganti kain; 2. pengikat taji;

~ *atas* cara mengikat taji yg sama parasnya dgn susuh; ~ *bugis* cara mengikat taji pd jari belakang; ~ *cipai* cara mengikat taji pd jari yg tertegap; ~ *dagang* cara mengikat taji pd kaki kiri sepanjang susuh; ~ *golok* cara mengikat taji antara jari; ~ *jangkil* cara mengikat taji pd jari yg terkecil; ~ *kanan* cara mengikat taji pd kaki kanan sepanjang susuh; ~ *lepas* cara mengikat taji pd jari yg tertegap; ~ *luar* cara mengikat taji di atas jari kecil; ~ *panggung* cara mengikat taji di atas taji; ~ *tiga jari* cara mengikat taji pd ketiga-tiga jari muka; ~ *tunjuk* cara mengikat taji pd jari depan yg di luar; ~ *sali, kacak sama, tinggal lagi mujur malangnya* prb sama kuat (kalah menangnya bergantung pd nasib);

bulang-bulang sesuatu yg dililitkan pd kepala;

berbulang 1. berlilit pd kepala, bertengkolok: *ia ~ kain sutera*; **2.** berikat taji: *ayam yg ~*;

membulang 1. melilitkan pd kepala: *ia ~ kain pd kepalanya*; **2.** mengikat taji pd kaki ayam dgn tali: *ayam pun dibulang oranglah*;

terbulang terikat taji; ~ *ayam betina* prb orang yg dianggap berani dll, tetapi ternyata sebaliknya;

bulangan lilitan (ikatan);

pembulang (orang dll) yg membulang; *kerbau ~ tali* prb orang yg berbalik-balik fikirannya (tiada tetap hati).

bulang II; ~-*baling* baling-baling.

bulang III 1. sj tumbuhan (pokok memanjat), bunga kertas, *Bougainvillea*; **2.** = **bulangan** sj tumbuhan (pokok), *Gmelina spp.*; ~ *akar* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Smythea paciflca*; ~ *gajah (hitam, kecil, tikus)* sj tumbuhan (pokok renek), *Canthium horridum*.

bular putih pd mata (sj selaput); *buta ~ buta* kerana selaput putih pd mata.

bulat **1.** spt bola bentuknya: *matanya yg ~ dan merah menentang mukaku*; **2.** bundar spt talam atau duit syiling; **3.** lengkap seluruhnya (tidak pecah dll), dgn keseluruhannya (tidak berpecah-pecah, tidak berbelah bagi), bersatu, berpadu: *seluruh rakyat berdiri ~ di belakangnya*; *kepercayaan yg ~*;

~ bujur = ~ panjang = ~ telur bulat memanjang (lonjong); *~ cekung* lekuk yg melengkung; *~ cembung* cembung yg melengkung; *~ fikiran* tetap (teguh) fikiran; *~ geter* Kl bulat benar (sungguh); *~ hati* a) lurus hati; b) tegap (teguh) hati, sungguh-sungguh; *~ kata = ~ muafakat* semuafakat, seia; *~ leting* Kd betul-betul bulat; *~ lurus* panjang bulat spt buluh; *~ mata* biji mata; *~ pipih* bulat dan pipih (spt duit syiling); *~ suara* semuafakat; *~ tekad* tetap hati; *~ torak* bulat lurus; *nombor ~* bukan nombor pecahan; *telanjang ~* tidak bertutup sesuatu apa pun;

~ air oleh pembuluh, *~ kata oleh muafakat* prb Mn kata sepakat tercapai dgn mesyuarat; *~ boleh digilingkan*, *pipih boleh dilayangkan* prb Mn sudah semuafakat benar-benar;

sebulat dgn sangat bulatnya: *keputusan ~ suara*; *mereka telah ~ pakat akan pindah dr sana*;

bulat-bulat **1.** berbentuk bulat; **2.** = **bulat-mulat** dgn keseluruhannya (seluruhnya), sepenuh-penuhnya, dgn begitu sahaja: *ular itu menelan ~ seekor anak kambing*; *Menteri itu menolak ~ usul parti pembangkang*;

membulat **1.** nampak bulat: *segulung rambut pendek ~ spt sanggul*; **2.** menjadi bulat: *perutnya yg ~ semakin jelas kelihatan*;

membulati mengambil seluruhnya;

membulatkan **1.** membuat bulat (bundar); *~ tinju* mengepalkan tangan; **2.** menjadikan padu, memadukan; *~ fikiran (hati, kemahuan, tekad, dll)* menetapkan fikiran dll, mengarahkan fikiran

dll kpd; ~ *muafakat* menyesuaikan pendapat, menyelesaikan muafakat dgn pendapat yg bulat;

bulatan sesuatu yg bulat, lingkaran: ~ *bumi; buatlah satu ~ dlm segi tiga itu;*

kebulatan perihal bulat, kepaduan: ~ *fikiran (muafakat, tekad, dll);*

berkebulatan mempunyai kebulatan, berpadu, bersatu: *hendaknya sekalian ulama ~ memberi pengajaran kpd anak-anak kita;*

pembulatan proses (cara) membulatkan sesuatu (angka dll): *pengiraan yg melibatkan ~ angka akan menghasilkan keputusan.*

bulbul sl sj burung yg pandai bernyanyi.

buldan Ar ark (jamak bagi bilad) bandar-bandar, negeri-negeri; **umulbuldan.**

buldozer traktor yg mempunyai bilah lebar drpd logam, digunakan utk meratakan dan memindahkan (tanah dll).

buletin **1.** laporan berita di radio atau televisyen; **2.** pengumuman rasmi tentang sesuatu perkara yg (dianggap) penting kpd orang ramai; **3.** surat khabar atau risalah (yg dikeluarkan dr semasa ke semasa) oleh sesuatu pertubuhan dsb: *kumpulan ini terdiri drpd buku-buku dan ~~~ berkenaan konsep dan prinsip koperasi.*

buli **1.** perbuatan mendera, mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dgn suasana yg baru; **2.** = **membuli** mempermain-mainkan orang, biasanya orang yg lemah, dgn tujuan utk menggertak, mencederakan, menakutkan dsb orang yg berkenaan;

pembuli orang yg membuli orang lain: *mahkamah telah menjatuhkan hukuman tiga bulan penjara ke atas seorang kontraktor yg menjadi ~ di jalan raya.*

buli-buli **1.** botol (guci) kecil: ~ *dakwat*; **2.** bahagian (alat) yg menyerupai bal lampu, *bebuli*: ~ *jangka suhu*; **3.** pundi (gelembung) dlm tubuh manusia (binatang dll) tempat udara (air, saraf, dll);

~ *kencing* gelembung kencing dlm tubuh; ~ *madu* pundi yg mengandungi madu pd bunga; ~ *udara* gelembung tenggorok (pundi yg berisi udara dlm paru-paru).

bulion jongkong emas atau perak sebelum diproses menjadi duit syiling, barang kemas dsb.

bulir bahagian tumbuhan bijirin, spt gandum atau barli yg mengandungi biji, bijirin atau isi rung: ~ *padi*; ~ *enjelai*;

membulir; ~ *kain* menggulung kain hingga tirus.

bulis (Eko) **1.** mengalami kenaikan harga saham (bkn pasaran saham): *empat drpd lima petunjuk teknikal beralih ~*; **2.** pelabur yg percaya bahawa harga pasaran saham sedang meningkat.

bulsak IB tilam, kasur.

bulu I **1.** rambut halus pd tubuh manusia dan binatang: ~ *betis*; ~ *kucing*; **2.** rambut yg berkarang-karang (melekat-lekat) pd burung dll: ~ *burung*; **3.** miang pd tumbuhan-tumbuhan (daun dll);

~ *ayam* a) bulu pd tubuh ayam; b) penyapu drpd bulu ayam (utk menyapu habuk); c) sj layar; d) sj jahitan; ~ *babi* a) bulu pd tubuh babi; b) sj teripang yg kulitnya berduri-duri, *Echinus spp.*; ~ *balik bulu* yg terbalik (pd ayam); ~ *biri-biri* bulu biri-biri utk dibuat kain dll; ~ *kapas* bulu yg halus-halus; ~ *keluli* besi yg halus-halus dan panjang; ~ *kening* alis; ~ *keras (kasar)* bulu pd binatang lunak yg digunakan utk berjalan; ~ *kuduk* a) bulu pd tengkuk; b) surai (pd kuda, singa); ~ *lai daun* bulu pd daun; ~ *mata* bulu pd tepi mata; ~ *pahat* bulu yg sangat halus pd burung; ~ *peka* bulu yg lekas merasai sesuatu (pd tumbuhan); ~ *roma* bulu yg halus pd

tubuh manusia; ~ *tangkis* bola tangkis, badminton; ~ *tengkuk* bulu kuduk;

berganti (bertukar) ~ ki berganti pendirian (sikap dll); *memilih (memandang)* ~ ki melihat kedudukan (keturunan) orang; *memperlihatkan (menunjukkan)* ~ ki memperlihatkan tabiat (maksud dll) yg sebenarnya; *berdiri (meremang, tegak)* ~ *tengkuknya (kuduknya)* ki berasa ngeri (seram);

carik-carik ~ ayam, lama-lama bercantum pula prb orang yg bersaudara (sekaum) itu tidak akan bercerai kerana perselisihan; *isi lemak dapat ke orang, tulang ~ pulang ke kita* prb yg baik-baik dapat oleh orang, yg tidak berharga bagi kita; *terlayang-layang bagai ~ sehelai* prb ringan pd pandangan orang kerana hina (anak yatim atau orang dagang);

sebulu 1. mempunyai bulu yg sama (serupa); **2.** ki sehaluan, sepakat, setuju: *ia tidak ~ dgn abangnya*;

kesebuluan perihal sebulu (sehaluan, setuju, dll): *Sunarto bertanya dgn suaranya menampakkan tidak ~nya terhadap Abd. Fakar*;

berbulu mempunyai bulu;

~ *hati* tidak baik hati, dengki; ~ *mata* melihat benci (tidak suka) melihat; *kepala sama ~, pendapat berlain-lain* prb lain orang lain fikirannya; *tiada ~ lagi* prb tiada mempunyai apa-apa lagi (sudah miskin sekali).

bulu II; ~ *empusi* = ~ *pusi* sj tumbuhan (pakis), penawar jampi, *Cibotium barometz*; *rumpu* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Lophatherum miliacea*.

bulu III; ~ ayam a) sj ikan laut (ikan bilis), *Coilia spp.*; b) sj ikan darat, *Oreogaster spp.*

bulu-bulu sj tumbuhan (pokok), mata keli, pianggu jantan, *Pellacalyx avillaris*.

buluh sj tumbuhan yg batangnya keras (berongga dan beruas), bambu, aur; jenis-jenisnya: ~ akar a) sj buluh, *Dendrocalamus pendulus*; b) sj buluh, *Dinochloa scandens*; ~ batu = ~ tumpat sj buluh, *Dendrocalamus strictus*; ~ betung sj buluh, *Dendrocalamus asper*; ~ cina sj buluh, *Bambusa nana*; ~ gading sj buluh, *Bambusa vulgaris*; ~ kasap sj buluh, *Ochlandra ridleyi*; ~ peleting buluh tempat pupul benang (pd alat tenun); ~ perindu a) sj buluh, *Bambusa magica*; b) sj seruling; ~ sembilang (*semilang*) sj buluh, *Dendrocalamus giganteus*; rumput ~ sj tumbuhan (rumpai besar), *Thysanolaena maxima*;

berniaga ~ kasap, *hujung hilang pangkal lesap* prb mengerjakan sesuatu dgn tidak mengetahui caranya (mendatangkan kerugian sahaja); *menebas* ~ *serumpun* prb merosakkan nama seluruh keluarga; *spt* ~ *perindu ditiup angin tatkala dinihari* prb bunyi suara yg sangat sedih; *spt pohon* ~ *ditiup angin* prb perihal orang yg lemah lembut, tetapi keras kemahuannya;

buluh-buluh sesuatu yg menyerupai buluh (panjang bulat dan kosong di dalam), paip, saluran;

pembuluh 1. buluh-buluh; 2. = ~ darah saluran darah;

~ *agung* saluran besar yg menyalurkan darah dr seluruh badan ke jantung, vena kava; ~ *labuhan hati* saluran darah dr bahagian usus ke hati, vena labuhan hati; ~ *paru-paru* saluran darah yg beroksigen dr paru-paru ke jantung, vena pulmonari.

bulukan Jk sudah bercendawan (benda yg telah lama disimpan).

bulur = **kebulur**, **kebulur-kebelai**, **kebuluran** kelaparan: *harapkan gaji suaminya, kebuluranlah dua tiga hari dlm sebulan; mati kebuluran* mati kelaparan;

mengebulurkan menyebabkan kebuluran (kelaparan): *Briggs menggunakan strategi peperangan sekatan menyeluruh dgn matlamat ~ gerila komunis di hutan.*

bulus I 1. dapat masuk, lulus, tembus; **2.** kena pukulan (dlm permainan pencak dll).

bulus II 1. gondol, tidak berbulu, tidak berdaun (beranting); **2.** tidak beranak (mandul); **3.** miskin, papa.

bulus III sj labi-labi; *akal ~ pandai menipu.*

bulus-bulus sj ikan laut, *Sillago spp.*

bum I pekaki layar.

bum II IB 1. kayu palang penutup pelabuhan; **2.** pelabuhan.

bumantara sl angkasa, udara.

bumban sl karangan bunga (daun-daunan) sbg perhiasan kepala.

bumbu Id 1. bahan-bahan spt rempah-ratus (bawang, cabai, asam, halia, dll) yg digunakan utk memasak lauk-pauk (supaya sedap rasanya); **2.** ki sesuatu (unsur, faktor) yg menyedapkan cereka atau karangan: *disadurnya ceritera Yunani lama dan ceritera Persia Kuno, dgn memberikan ~ di sana sini, agar sedap dibaca;*

berbumbukan mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg bumbu: *masakan yg mewah dgn santan dan banyak ~ rempah ratus menerbitkan aroma harum yg tersendiri;*

membumbui 1. membubuh bumbu pd, merempahi: *~ ikan sebelum dimasak;* **2.** menambah-nambahi (supaya menarik dll): *huraiannya yg berbunga dan berwarna kadang-kadang dibumbui kisah-kisah yg nyaman.*

bumbun I pondok kecil tempat pemburu mengintai buruannya.

bumbun II Mn rimbun, rendah.

bumbun III Mn longgok (padi, tanah, dll);

membumbun melonggokkan (padi, tanah, dll), menimbun, menumpukkan.

bumbunan ubun-ubun.

bumbung I = bumbungan bahagian atas sebelah luar rumah, kereta, dsb yg menahan hujan dan cahaya matahari drpd masuk ke dlm, atap;
~ *limas* bumbung yg berbentuk piramid; *harga* ~ (Eko) harga maksimum sesuatu barangan yg ditetapkan oleh pihak berkuasa; *kuda-kuda* ~ kayu penyangga balak bumbungan; *tulang* ~ balak yg memanjang di puncak rumah;

membumbung naik ke atas, mengepul ke atas (asap dll), meninggi: *asap naik* ~ tinggi; *khayalanmu dapat* ~ setinggi langit.

bumbung II tabung (buluh), pembuluh.

bumerang sekeping kayu leper dan bengkok yg digunakan oleh penduduk asli Australia sbg senjata perburuan.

bumi 1. planet tempat kita tinggal, yg ketiga jauhnya dr matahari, dunia: *edaran* ~ yg mengakibatkan angin tergelencong; *bulan mengedari*

~; **2.** permukaan bumi, tanah: *mereka hidup di* ~ Melaka;

~ *berputar, zaman beredar* a) masa berjalan terus; b) keadaan selalu berubah menurut masa; *B~ Kenyalang* panggilan bagi negeri Sarawak; *ilmu* ~ Id ilmu alam;

di mana ~ *dipijak, di situ langit dijunjung* prb mematuhi peraturan dll tempat yg didiami; ~ *mana yg tiada kena hujan* prb manusia mana yg tiada membuat kesilapan (kesalahan); *bagai* ~ *dgn langit* prb sangat berbeza (tabiat dll); *biar pecah perut,* ~ *merekah* prb menyatakan tidak mahu melakukan sesuatu; *jadi* ~ *langit* prb orang yg diharapkan pertolongannya dan dituruti nasihatnya; *sebesar-besar* ~, *ditampar tak kena* prb betapa mudah nampaknya sesuatu perkara, tetapi tiada teruruskan juga;

membumi ark mendiami salah satu tempat;

membumikan (Fiz) memasukkan (dawai elektrik dll) ke dlm bumi;

mengebumikan menanam, menguburkan: *jenazahnya telah selamat dikebumikan sebelum sembahyang Jumaat*;

pengebumian perihal atau perbuatan mengebumikan, penguburan.

bumi hangus pemusnahan segala yg berguna bagi musuh;

membumihanguskan menjadikan bumi hangus, memusnahkan hingga tidak dapat dipakai oleh musuh.

bumiputera anak negeri, peribumi;

membumiputerakan menjadikan sesuatu bersifat, milik dsb bumiputera, memperibumikan: *ada saranan utk ~ beberapa syarikat asing yg beroperasi di negara ini*;

kebumiputeraan perihal bumiputera, yg berkaitan dgn sifat-sifat bumiputera, keperibumian.

bun ark sj peti kecil drpd tembaga dll (tempat sirih dll).

buna sj ikan laut.

buncah Mn gelisah, rusuh hati, bingung, kacau;

membuncah 1. menimbulkan kegelisahan (rusuh dll): *perkara itu ~ dlm ingatannya*; 2. = **membuncahkan** menggelisahkan, merusuhkan (hati, fikiran, dll): *hal yg ~ hati*.

buncis = kacang ~ sj tumbuhan (herba), kacang kara, kacang pendek, *Phaseolus vulgaris*.

buncit 1. besar perut, gendut: *kerana kesenangan hidup, perutnya makin bertambah ~*; 2. bk mengandung, bunting: *Lijah sudah ~ lima bulan*;

membuncit menjadi buncit, nampak buncit: *walaupun dia memakai baju kurung, nampak perutnya yg ~*;

membuncitkan 1. membesarkan (perut), menggendutkan: *~ perut*;
2. bk menyebabkan mengandung, membuntingkan.

bundai sl bonda.

bundak Mn ark kaca, haru-biru;

membundak mengacau, menyebabkan haru-biru: *air dibundak-bundaknya dgn kedua-dua tangannya supaya yg di bawah naik ke atas.*

bundar I bujur spt bentuk bulat yg dileperkan, buntar: *penumpang sekarang menyaksikan laut yg ~ spt dulang raksasa;*

membundar nampak bundar, merupakan bundar;

membundarkan menjadikan bundar;

bundaran sesuatu yg bundar.

bundar II berus (utk membersihkan pakaian dll).

bundel Jw simpul, ikatan.

bunduk (Parsi) anak haram.

bunduki sl sj wang emas (Venice).

bundung sj penyakit bengkak pd leher binatang (lembu, kerbau, dll).

bung I Ph, Id abang.

bung II bunyi spt bunyi gendang.

bunga I 1. bahagian tumbuhan utk pembiakan, biasanya berwarna terang dan berbau harum: ~ *jambu*; ~ *melati*; ~ *raya*; **2.** lukisan (pd kain dll); ~ *pamor* lukisan pd keris kerana waja putih yg ditempa pd bilah keris; **3.** = ~ *tayar* bahagian permukaan tayar yg rupanya spt hiasan (ukiran atau corak); **4.** = ~ *wang* bayaran (tambahan) yg dikenakan ke atas atau diperoleh drpd wang yg dipinjamkan, keuntungan kerana meminjamkan wang, faedah, anak wang: ~ *yg dikehendaki oleh pinjaman Amerika sebanyak 5% itu seharusnya tidak perlu*; **5.** ki sesuatu yg dianggap cantik (indah dll) yg dapat disifatkan spt kembang: *kecantikan parasnya sudah cukup utk menjadikan dia ~ majlis dlm perkumpulan*; **6.** alamat atau tanda akan bermulanya sesuatu peristiwa dll: *pengetahuan yg*

*diperolehnya itu subur mengeluarkan bukan setakat ~~~
kekacauan malah menghasilkan juga penyelewengan;*

~ *angin* ribut permulaan; ~ *api* a) nyala api yg berterbangan (meloncat); b) = *kembang* ~ sj mercun yg mengeluarkan api yg merupakan bunga (lukisan dll); ~ *bahasa* ungkapan yg terdiri drpd kiasan (simpulan bahasa dan peribahasa) utk memperindah percakapan; ~ *baki hutang* (Eko) bunga atau bahagian pinjaman yg belum dilunaskan; ~ *bangsa* pemuda harapan bangsa; ~ *barah* (*puru, kusta*) bintik putih-putih pd kulit tanda mulai dihinggapai penyakit barah dll; ~ *betina* bunga yg berpistil sahaja; ~ *biasa* = ~ *tepat* bunga mudah yg dikira berdasarkan 360 hari setahun; ~ *bibir* a) kata-kata yg manis; b) buah mulut; ~ *buatan* bunga yg dibuat drpd kertas (plastik dll); ~ *butang* sj tumbuhan (herba), pokok serunai, serunai laut, *Wedelia biflora*; ~ *dua jantina* bunga yg stamen dan pistilnya terdapat pd kuntum bunga yg sama; ~ *dulu betina* bunga yg pistilnya lebih dahulu masak drpd stamen; ~ *dulu jantan* bunga yg stamennya lebih dahulu masak drpd pistil; ~ *jantan* bunga yg berstamen; ~ *karang* sj tumbuh-tumbuhan pd karang; ~ *kehidupan* kesenangan hidup; ~ *kekasar* sj tumbuhan (pokok yg berbuah), gajus (kajus), jambu monyet (golok, iros, terung), *Anacardium occidentale*; ~ *kertas* a) bunga yg dibuat drpd kertas (utk perhiasan rambut dll); b) sj tumbuhan (pokok yg berbunga), *Bougainvillea spp.*; ~ *ketar* bunga kertas pd dawai (perhiasan rambut pengantin perempuan); ~ *kuku* bahagian yg putih pd pangkal kuku; ~ *kundai* (*sanggul, sisir*) bunga buatan utk perhiasan kundai (*sanggul, sisir*); ~ *lagu* patah lagu yg biasanya terletak di hujung rangkap sesebuah lagu supaya iramanya lebih merdu; ~ *(se)lengkap* sekuntum bunga yg mempunyai salut, ranggi, stamen dan pistil; ~ *mas* a) bunga yg dibuat drpd emas; b)

sj bunga drpd emas yg dahulu diberikan oleh Sultan Kedah sbg
 ufti kpd raja Siam; ~ *mudah* (Eko) bunga yg dikira dgn
 mendarabkan kadar bunga tahunan dgn jumlah pokok; ~ *padi* a)
 bunga pokok padi; b) sj jahitan; ~ *pasir* pasir halus-halus yg
 terapung di permukaan air; ~ *pending* tepi pd bakul; ~ *rampai* a)
 beberapa jenis bunga harum yg diceraai-ceraikan kelopaknya dan
 dicampur dgn daun pandan yg dihiris halus-halus; b) kumpulan
 cerita yg baik-baik; c) lagu-lagu pilihan; ~ *raya* a) sj tumbuhan
 (pokok dan bunganya), kembang sepatu, *Hibiscus rosa sinensis*;
 b) perempuan jalang; ~ *sejantina* bunga yg stamen dan pistilnya
 terdapat pd kuntum bunga yg berlainan; ~ *sena* a) bunga pokok
 sena; b) Kl nira nyiur sewaktu mulai menggelegak (pd masa
 membuat gula melaka); ~ *serunai* a) bunga teluki; b) sj tumbuhan
 yg berbunga kuning, *Wedelia biflora*; c) Ml cincin yg dibawa
 sewaktu pergi meminang sbg tanda bertanya; ~ *sinar* ranggi pd
 jenis bunga matahari; ~ *sirih* Pl sirih pengantin; ~ *tanah* lapisan
 tanah sebelah atas yg subur; (*akar*) ~ *tanjung* sj tumbuhan (pokok
 memanjat), akar perah, akur, *Illigera appendiculata*; ~ *telur* telur
 yg dihadiahkan kpd tetamu yg hadir dlm sesuatu majlis
 perkahwinan (biasa diberi bertangkai dan disertai dgn hiasan
 bunga atau diberi berbekas);

~ *bukan sekuntum* = *kalau* ~ *tidak sekuntum* = ~ *tak sekaki*,
kumbang tak seekor prb laki-laki atau perempuan itu tidak seorang
 sahaja di dunia ini; ~ *dipersunting*, *sudahnya akan layu* prb
 sesuatu yg dipakai akhirnya akan buruk (masih baru dikasihi,
 sudah lama terbuang); ~ *dipetik*, *perdu ditendang* = ~*nya*
dipersunting, *pangkalnya diberaki* prb isteri dikasihi, mentua
 dibenci (gemar akan hak orang, tetapi orang itu dibenci); ~ *gugur*
putik pun gugur, *tua gugur masak pun gugur* prb setiap manusia

akan mati (baik muda mahupun tua); ~ *kembang berbalik kuncup* prb mula-mula mahu menurut, kemudian ingkar; ~ *yg harum itu ada durinya* prb yg megah itu ada juga celanya; ~ *yg layu balik kembang* prb tatkala ternyata kebenaran seseorang yg tertuduh; *buang ~ ke jirat* prb berbudi kpd seseorang yg tidak mengenang (memerlukan) budi orang; *di mana ~ yg kembang, di situ kumbang yg banyak* prb di mana ada perempuan cantik, di situ ramai laki-laki; *kalau dicampak ~, tak akan dibalas dgn tahi* prb kalau kita berbuat baik kpd orang, tidak akan dibalasnya dgn kejahatan; *laksana ~ dedap, sungguh merah berbau tidak* prb orang yg elok dan tampan tetapi tiada berbudi; *laksana kera dapat ~* prb tiada dapat menghargai barang yg bagus; *lempar ~ dibalas dgn lempar tahi* prb kebaikan dibalas dgn kejahatan; *sayang ~ layu di pohon* prb perihal seorang gadis yg tiada bersuami hingga tua; *sebab kasih akan ~ setangkai, dibuang ~ seceper* prb kerana kasih seseorang disia-siakan orang yg banyak; *umpama kasihkan ~ seceper, terbuang ~ sekaki* prb kerana kasihan kpd orang banyak, disia-siakan kaum yg seorang; *spt ~, sedap dipakai layu dibuang* prb dikasihi semasa muda, dibenci apabila tua (perempuan dll);

bunga-bunga **1.** berbagai-bagai jenis bunga: *ditanamnya kayu-kayuan dan ~*; **2.** bunga buatan (lukisan dll); **3.** pemolek (hiasan): *pertuturan yg penuh dgn ~*;

berbunga **1.** mempunyai (mengeluarkan) bunga: *pokok durian sudah mulai ~*; **2.** = **berbunga-bunga** berhias dgn gambar atau lukisan bunga: *kain hitam ~ merah*; **3.** = **berbunga-bunga** mengandungi (terhias dgn) kata-kata yg indah: *bahasanya ~*; **4.** ki berhias (disertai) dgn: *wajahnya ~ senyuman yg manis*; **5.** mendapat (menghasilkan, mengenakan) bunga atau bayaran faedah: *pinjaman yg tidak ~*; **6.** (sudah) menampakkan tanda (akan

terjadi, akan berhasil, dll): *segala usaha dan jerih kita sudah ~*; **7.** ada bunganya (bkn tayar): *keempat-empat tayarnya masih ~*; **8.** bertanda corak timbul (yg dibuat dgn mesin): *getah asap ~*;

membunga 1. menyerupai bunga; **2.** membuat corak timbul (pd getah keping) dgn menggunakan mesin;

membungai 1. = **membunga-bungai** menghias dgn bunga, memperelok dgn bunga; **2.** memberi bunga (wang dll); **3.** menghias: *setiap wajah dibungai senyuman*;

membungakan meminjamkan dgn syarat mendapat bunga: *~ wang*;

memperbungakan membungakan (wang);

kebunngaan bentuk hiasan yg berbunga: *perhiasan digabungkan dgn latar belakang dekoratif ~*.

bunga II; *~ air* sj ikan laut, bilis, a) *Stolephorus spp.*; b) *Engraulis spp.*

bungar ark = **bungaran** yg pertama sekali (buah, bunga, telur, dll).

bungkal 1. = **bungkalan** bongkah, gumpal: *~ tanah liat*; **2.** anak timbangan, timah dll pemberat jala: *~ jala*; **3.** sukatan berat (emas dll) yg bersamaan dgn 16 mayam atau 53.9 gram: *emas se~*;

~ genap menahan cuba, emas baik menahan uji prb keutamaan sifat seseorang dapat dicuba dan diuji; *mengambil ~ kurang* prb berasa tersinggung oleh perkataan orang.

bungkam tidak bersuara (bercakap dll), diam: *ketika datang guru, murid-murid semua ~*; *akhbar-akhbar ~ tentang perkara itu*;

membungkam menjadikan tidak bersuara, menutup mulut: *peraturan itu diadakan utk ~ akhbar-akhbar*; *bagaimanakah anda ~ kritikkannya ?*

kebungkaman keadaan bungkam, kesenyapan, kebisuan: *jiwa Hidayah bergetar dlm ~ yg mencengkam daging dan tulang-temulangannya*;

pembungkaman perihal atau perbuatan membungkam;

pembungkam alat utk membungkam (azimat dll).

bungkau sj alat muzik tradisonal kaum Kadazan yg dibuat drpd buluh.

bungkil Jw hampas kacang yg sudah diambil minyaknya.

bungkin Kd tertimbun.

bungkup sj tumbuhan (pokok), *Bruguiera spp.*

bungkus 1. = **pembungkus** bahan (kertas, kain, daun) utk membalut sesuatu: *daun ~ nasi*; **2.** = **bungkusan** benda yg dibalut (dgn kertas, kain, daun, dll): *se~ kain*; *~-bingkis* berbagai-bagai jenis benda yg dibalut; *besar ~ tak berisi* prb orang yg besar cakap dan tidak berisi;

berbungkus berbalut: *di tangannya ada benda-benda ~*;

membungkus 1. membalut: *permata itu dibungkus dgn kain baldu*; **2.** menyembunyikan, merahsiakan: *mereka pandai benar ~ rahsia hati masing-masing*; **3.** menangkap, memberkas (pencuri dll);

~ tulang dgn daun talas prb menyembunyikan rahsia dgn tidak hati-hati (mudah saja diketahui orang); *sepandai-pandai ~*, yg busuk berbau juga prb perbuatan yg salah itu lambat-laun akan ketahuan juga;

membungkusi menyelubungi: *keheningan malam itu terasa ~ diri kami*;

pembungkusan perbuatan (proses) membungkus;

pembungkus 1. bahan (kertas, kain, daun, dsb) utk membungkus sesuatu; **2.** orang (syarikat dsb) yg membungkus; **3.** sesuatu yg digunakan utk atau dlm kerja membungkus: *mesin ~ gula-gula*.

bunglon Id **1.** sj bengkarung yg dapat bertukar warna (menurut tempat ia berada); **2.** orang yg tidak berpendirian tetap (sekali berpihak ke mari, sekali berpihak ke sana);

membunglon bertukar-tukar pihak.

bungsil ark putik nyiur, mumbang.

buni I bunyi;

membunikan membunyikan.

buni II sembunyi;

membunikan menyembunyikan;

terbuni tersembunyi;

bunian; *orang* ~ orang halus (dlm hutan dll).

buni III sj tumbuhan (pokok), berunai, *Antidesma bunius*.

bunjai Mn jumbai, rumbai; **gunjai**.

bunker 1. kubu pertahanan di bawah tanah, biasanya dibina drpd konkrit dan keluli; **2.** kontena besar utk menyimpan bahan api: ~ *arang batu*; **3.** (dlm permainan golf) kawasan berpasir di padang golf yg dijadikan halangan.

buntak 1. gemuk dan pendek; **2.** Mn bundar.

buntal I buncit, gembung, buntar.

buntal II beberapa jenis ikan yg menjadi gembung kalau dipegang; jenis-jenisnya: ~ *batu* = ~ *kotak* = ~ *peti*, *Lactoria spp.*, *Tetrosomus spp.*; ~ *duri* = ~ *landak*, *Diodon spp.*, *Chilomycterus spp.*; ~ *pisang*, *Amblyrhynchotes spp.*, *Arothron spp.*, *Chelonodon spp.*; *bagai* ~ *kembung* = *melabuh-labuh bagai* ~ *ditiup prb sombong*.

buntal III → **buntel**.

buntang I 1. terbeliak, terbuka luas-luas (bkn mata): ~ *matanya memandang dgn rasa penuh curiga*; **2.** ki tinggal sia-sia, terlantar, terbiar: *ladang dan tanam-tanaman mereka ditinggalkan* ~ *sahaja kerana lari ke tempat lain*;

membuntang 1. = **berbuntang, terbuntang** terbuka luas-luas, terbeliak (mata): *matanya terbuntang tiada terkelip*; **2.** terapung-apung di air (bkn ikan dll);

membuntangkan 1. membuka luas-luas (mata), membeliakkan; **2.** membentangkan; **3.** mengapungkan.

buntang II Mn bangkai.

buntang III bahagian drpd perkakas tenun.

buntar bulat, bundar; (*tengah*) ~ *bayang-bayang (membayang)* tengah hari benar; ~ *dikeping, suarang diagih* prb Mn harta persyarikatan dibahagikan, tetapi harta pembawaan dipulangkan.

buntat batu hempedu, batu yg terdapat dlm tumbuh-tumbuhan dll; ~ *hendak jadi gemala (kemala)* prb tidak tahu diuntung.

buntel Jw bungkus;

membuntelkan membungkus;

buntelan bungkusuan.

buntet Jw buntu.

buntil karung drpd kain: *sebuah ~ besar yg berisi penuh; kopral itu meletakkan ~nya ke tanah; terlampau duka terurah ~, terlampau suka terurah rahsia* prb apabila berdukacita, terjual barang simpanan, apabila bersukacita, terbuka rahsia;

buntilan buntil.

bunting 1. mengandung (biasanya dipakai utk binatang), hamil: *kambing itu sudah ~*; **2.** batang padi menjadi bengkok kerana buahnya hendak keluar: *patah dua tiga batang, pokok padi tengah ~*;

~ *bantang (besar)* bunting yg sudah besar; ~ *harimau* (orang yg suka) marah-marah semasa bunting; ~ *jolong* mengandung utk pertama kali; ~ *kecil* bunting yg masih kecil; ~ *kerbau* bunting yg lamanya lebih drpd sembilan bulan; ~ *padi* peri kecantikan betis

perempuan; ~ *pelamin* mengandung pd bulan pertama berkahwin;
~ *sarat (tua)* bunting sudah genap bulan;

membunting menjadi (nampak) bunting: *betisnya ~ padi*;

membuntingi menyebabkan bunting, menghamili, menghamilkan
: *ia telah ~ gadis itu*;

membuntingkan 1. sedang mengandung (di dlm perut): *pd masa itulah makmu ~ engkau*; 2. menyebabkan bunting, membuntingi:
siapa yg telah ~ kau?

buntingan kandungan;

pembuntingan proses (perbuatan) membuntingkan anak.

buntu mati (jalan dll), tertutup (pintu dll), terhalang, tersekat;

fikiran ~ tidak berfikir panjang lagi; jalan ~ a) jalan mati; b) tidak tercapai tujuan kerana tidak ada kata sepakat; usus ~ usus yg tersekat hujungnyanya;

membuntukan membuat buntu;

kebuntuan perihal (keadaan) buntu.

buntung Id 1. kudung (kaki, tangan, ekor, dll); *baju (kemeja) ~ baju (kemeja) yg tidak berlengan*; 2. mendapat kerugian (kemalangan dll);

membuntungkan mengudungkan.

buntur lebih drpd kenyang (makan), bosan, muak.

buntut I 1. bahagian badan di antara belakang dan kaki, punggung:
menteri mengepalakan gajah, dan bentara di ~ gajah; ~ kapal buritan; 2. bahagian bawah sebelah luar periuk, kualiti, dll (yg menyentuh permukaan lain); 3. lanjutan (sesuatu perkara), akibat:
perkara itu belum habis lagi, ada ~nya;

berbuntut 1. mempunyai buntut: *bintang ~*; 2. ada akibatnya (lanjutannya), berekoran;

berbuntut-buntut (dgn) yg satu (seorang) mengikuti di belakang yg lain, beruntun-runtun, berderet-deret: *berjalan ~*;

membuntut 1. mengikut seseorang atau sesuatu dr belakang; **2.** ki mengikut: “*Yg salahnya, kita sering ~. Tidak berfikir sendiri*”;

membuntuti mengikut, mengekori: *ia ~ ibunya ke mana-mana*;

membuntutkan mengarahkan punggung pd sesuatu atau seseorang: *ibu memalingkan badannya, ~ aku*.

buntut II; (*kayu*) ~ *baung* sj tumbuhan (pokok renek), daun sekentut, temberak hutan, *Lasianthus oblongus*.

bunuh; ~ *diri* mengambil nyawa sendiri dgn sengaja; *hukum* ~ hukum mati (dgn dipancung, digantung, ditembak, dll);

berbunuhan, berbunuh-bunuhan, bersibunuhan ark, **bunuh-membunuh** mati-mematikan (sesama sendiri), saling membunuh (mematikan): *pd zaman dahulu, masing-masing berperangan dan ~*;

membunuh 1. mematikan, menghilangkan nyawa: *dia dituduh ~ kawannya*; **2.** memadamkan (api, tulisan, dll), menghapuskan (sesuatu), melupakan: *sebelum dapat dibunuh, api telah menjalar ke sekeliling rumah; ia ~ perkataan yg telah ditulisnya; Tuan Hess ~ maksud Encik Ramli; sikap begini akan ~ keyakinan diri anak-anak itu sendiri*; **3.** menutup (menampal) tempat yg bocor;

terbunuh mati (akibat kemalangan, dibunuh, dsb);

bunuhan 1. (orang dll) yg dibunuh; **2.** bahagian lukah yg di belakang (di dalam sekali) tempat ikan tertangkap (terperangkap);

pembunuhan perbuatan membunuh;

pembunuh 1. orang yg membunuh; **2.** alat atau sesuatu yg digunakan utk membunuh: *ubat ~ serangga; ~ bersiri* orang yg membunuh beberapa orang, seorang demi seorang dlm kejadian yg berurutan.

bunut I = ~ *paya* sj tumbuhan (pokok), *Pternandra coerulescens*.

bunut II; *hujan* ~ hujan rintik-rintik.

bunyi I 1. sesuatu yg kedengaran atau dapat didengar selain suara manusia: ~ *senapang*; ~ *burung*; **2.** suara alat muzik atau orang menyanyi (laras nada): ~ *biola*; *alat* ~; **3.** lafaz, sebutan, pengucapan (dgn alat pertuturan): *dua perkataan ini sama sahaja ~nya*; **4.** bacaan (surat dll), isi (surat, permintaan, dll): *apa ~ surat ayah kita?*; *sungguhpun permintaan itu kecil ~nya, tetapi berat juga utk memenuhinya*;

~ *bahasa* Id bunyi yg dipakai dlm sesuatu bahasa; ~ *cina karam* ki bising sangat (riuh sangat); ~ *geser* bunyi yg terjadi kerana udara keluar melalui celah yg sempit dll, geseran; ~ *kembar (rangkap)* Id dua bunyi yg diucapkan merangkap satu bunyi (bunyian dll); ~ *letus* bunyi yg terjadi kerana udara keluar dgn tiba-tiba (bunyi p dll), letusan; ~ *sengauan* bunyi yg keluar melalui hidung (bunyi ng dll);

bagai ~ *siamang kenyang* prb banyak cakap kerana mendapat kesenangan; *kerana mendengar* ~ prb terpedaya kerana mendengar berita baik; *setengah bagai* ~ *enggang*, *setengah bagai* ~ *kuau* prb pendapat orang bermacam-macam (berlain-lainan);

sebunyi serupa bunyinya: *kata* ~; *surat ini* ~ *dgn surat yg sudah kita terima*;

berbunyi 1. mengeluarkan bunyi, memberi bunyi: *bertepuk sebelah tangan manalah boleh* ~; *genderang serunai pun ~lah*; **2.** bacaannya, isinya, lafaznya, ucapannya: *surat itu* ~ *spt berikut*;

berbunyi-bunyi berbunyi berulang-ulang;

membunyikan 1. menjadikan berbunyi, memainkan alat muzik: ~ *loceng*; **2.** melafazkan, menyebut: ~ *perkataan dgn jelas*;

bunyi-bunyian alat muzik.

bunyi II; berbunyi sl bersembunyi: *maka Sita Dewi pun ditaruhnya ~ juga;*

membunyikan sl menyembunyikan .

bupala sl raja.

bupati Id **1.** kepala daerah (bahagian drpd provinsi); **2.** pegawai istana yg tinggi (di Yogyakarta dan Surakarta).

bura sembur, hembus (dgn keras);

naga ~ sl sj naga yg menyemburkan api dan bisa; *ular* ~ ular mura (ular yg suka menyembur dan berbisa);

membura menyembur: *sembur* ~ dr mulutnya;

memburakan **1.** menyemburkan: ~ *ubat nyamuk*. **2.** ki pecah berderai (cerai-berai).

burai; berburai, terburai **1.** berderai, bertaburan: *tiba-tiba terlanggar batang hanyut, rakitnya terburai*; **2.** terurai dan kusut (rambut dll); **3.** ki pecah (rahsia, persahabatan, dll);

memburaikan memecahkan: *hujan ~ takungan*.

burakah Mn sombong.

buraksa I → **bereksa**.

buraksa II → **beraksa II**.

buram I rancangan (surat, tulisan, gambar, dll), rang, draf.

buram II **1.** muram, suram, kabur, kabut (kaca); **2.** tidak jernih, tidak cerah (mata).

buran sj binatang laut, *Actinia spp*.

burangsang, buransang Mn marah.

burraq sj binatang dr syurga yg ditunggang oleh Nabi Muhammad SAW dlm peristiwa Israk dan Mikraj.

buras I bual, borak, cakap angin, obrol;

memburas **1.** memujuk dgn kata yg muluk-muluk; **2.** berbual, berborak, mengobrol;

memburaskan membualkan, memborakkan, mempercakapkan;

pemburas pembual, pemborak.

buras II sj penganan yg terbungkus dlm daun pisang (dibuat drpd beras dan santan).

buras III ark; **memburas** menghapus(kan).

burat Jw boreh.

burdah Ar **1.** sj jubah yg dibuat drpd bulu domba; **2.** = *zikir* ~ = *maulud* ~ berzanji (nyanyi puji-pujian utk Nabi pd bulan Maulud).

bureng Jw muram, kabur, kabut.

buret (burét) tiub kaca yg bersengat dan berpili utk menyukat cecair.

burger kepingan daging kisar (yg sudah dibubuhi rempah) yg digoreng atau dipanggang, biasanya dimakan dgn roti.

burhan Ar bukti, dalil.

huri Jw, sl belakang, punggung.

burit 1. punggung, (bahagian) belakang, buntut; **2.** dubur; *main* ~ bersetubuh sesama lelaki; **3.** Kd, Pr kemaluan perempuan;

memburit bersetubuh sesama lelaki;

buritan 1. bahagian belakang perahu (bot, kapal dsb); **2.** bahagian belakang binatang spt lipas.

burka Ar sj kain selubung pd muka dan badan, berguk, merguk.

buron, buronan Id orang yg diburu polis, buruan polis;

pemburon, pemburonan pelarian.

bursa tempat memperjualbelikan saham dll: *B~ Saham Kuala Lumpur*; ~ *komoditi* tempat memperdagangkan kontrak hadapan komoditi tertentu, spt kelapa sawit, getah dan koko; ~ *opsyen* tempat memperdagangkan sama ada opsyen utk menjual atau membeli sekuriti, instrumen kewangan, atau komoditi, mis Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE) yg terdapat di Malaysia.

buru; buru-buru bergegas-gegas, cepat-cepat: *seorang doktor ~ dipanggil;*

berburu mengejar utk menangkap (membunuh) binatang liar: *apabila mereka tidak berlauk dan penat bekerja, mereka ~ ke hutan;*

berburu-buru **1.** berkejar-kejar, berkejar beramai-ramai: *orang kampung riuh ~ pencuri yg lari itu;* **2.** bergesa-gesa, bergegas: *penumpang ~ naik bas;*

memburu **1.** mengejar atau menyusul utk menangkap sesuatu (orang, binatang, dll): *~ binatang; ~ pencuri;* **2.** meluru atau bergegas utk mendapatkan sesuatu: *ia menanggalkan kasut terus ~ ke dlm;* **3.** berikhtiar sekuat tenaga utk mencapai sesuatu: *aku tidak akan ~ dan berlumba-lumba utk mencapai kedudukan yg tinggi; ~ kekayaan (pangkat, wang) berikhtiar mendapat kekayaan dll; ~ selamat berikhtiar agar selamat; ~ masa (waktu) berikhtiar agar jangan terlambat;* **4.** = **memburu-buru, memburu-burkan** menggesakan, mempercepat: *tak usah diburu-buru, masih banyak masa lagi;*

terburu = keburu Jk **1.** (dapat) dikejar: *tak akan ~ oleh kau kereta itu;* **2.** Jk ki melampau sangat (menghendaki sesuatu dll): *~ nafsu (hati);*

terburu-buru dlm keadaan tergesa-gesa: *fikirkan dgn tenang, jangan ~;*

buruan orang, binatang atau sesuatu yg diburu: *agama juga merupakan ~ jiwa yg berterusan; orang ~ orang yg dicari oleh polis (kerana melakukan sesuatu kejahatan); binatang ~ binatang yg diburu;*

perburuan **1.** binatang yg diburu: *~ banyak di hutan ini;* **2.** perkakas (kelengkapan dll) utk berburu: *anjing ~;* **3.** perihal

(perbuatan) berburu: *maka Seri Betara pun segeralah menitahkan Raden Aria pergi bertanyakan khabar ~*; **4.** tempat berburu;

pemburuan perihal (perbuatan dsb) memburu;

perburu orang yg berburu (binatang): *adapun Seri Teri Buana dgn segala laki-laki ~*; *~ gajah* orang yg berburu gajah;

pemburu **1.** orang yg memburu; **2.** alat (kelengkapan dll) utk berburu;

anjing ~ anjing utk memburu; *hantu ~* sl hantu yg mempunyai rupa anjing; *kapal (kapal terbang) ~* kapal (kapal terbang) yg kecil dan laju utk mengejar kapal (kapal terbang) musuh.

buruh orang yg bekerja utk mencari makan, pekerja: *ramai orang India yg bekerja sbg ~*; *Kementerian B~*; *kaum ~* golongan pekerja;

~ kasar buruh yg lebih memerlukan tenaga fizikal drpd keupayaan mental dlm pekerjaannya; *~ mahir* buruh yg mempunyai kepakaran khusus yg diperoleh drpd latihan profesional dlm bidang tertentu, mis jurutera; *~ paksa* orang yg dipaksa melakukan kerja berat tanpa ganjaran yg sewajarnya; *~ separuh mahir* buruh yg mempunyai kepakaran dlm bidang tertentu yg diperoleh drpd pengalaman bekerja dan atau latihan separuh profesional, mis jurukimpal;

berburuhkan mempunyai, mengupah, atau menggunakan seseorang sbg buruh: *sektor perladangan dan binaan terpaksa ~ orang asing*;

memburuh bekerja sbg buruh: *siangnya dia ~, malamnya dia belajar bahasa Inggeris*;

buruhan upah memburuh;

perburuhan **1.** tenaga (usaha) buruh: *membawa masuk orang India ialah satu jalan mengadakan ~ murah*; **2.** perihal buruh atau memburuh: *perkara ~*.

buruj Ar **1.** kota, benteng: ~ *kota negeri Baghdad*; **2.** nama gugusan bintang.

buruk **1.** tua dan rosak (busuk), tidak cantik: *Zaini sedang terbaring di tilam ~, pusaka ayahnya; kalau seorang perempuan ~ datang ke rumahnya mengemis, haram mereka mahu menolong*; **2.** tidak baik, jahat: *perangai yg ~; pendedahan yg menyingkap tujuan ~ mereka*; **3.** tidak menyenangkan, merosot: *ekonomi yg semakin ~; ~ ambil salah terima, menganggap kurang baik; ~ hati jahat (hati); ~ laku tidak baik kelakuan; ~ makan lahap, rakus; ~ mulut kasar mulut; ~ perut a) banyak makan; b) mudah kena sakit; ~ pok Kl, Tr buruk sekali; ~ sangka salah sangka (terima); ~ siku a) sudah memberi sesuatu kpd orang tetapi mengambilnya balik; b) tidak menyebut-nyebut kebaikan atau berian orang;*

~ muka, cermin dibelah prb kesalahan dibuat sendiri tetapi dilemparkan kpd orang lain; ~ perahu ~ pangkalan prb tidak mahu melihat rumah bekas isteri (bekas tempat bekerja); ~ tak tahu akan hinanya prb tidak insaf akan kekurangan diri sendiri; ~-~ (bak) embacang prb pengetahuan (akal) bukan hanya terdapat pd orang yg elok rupa sahaja; biar ~ kain dipakai, asal pandai mengambil hati prb pakaian yg elok mudah dibeli tetapi berlainan halnya dgn budi bahasa yg halus; tiada ~ yg tiada elok prb orang yg berselisih itu akan berbaik juga; tiada elok yg tak ~ prb orang yg berbaik-baik itu akan berselisih juga;

berburuk, berburuk-buruk bermusuhan, berselisihan;

memburuk menjadi buruk (busuk dll): *sekarang dia terpisah drpd golongannya, ~ dan tidak diperlukan lagi, kotor dan dibuang;*

memburukkan **1.** menjadikan buruk (busuk dll): *hujan dan panas matahari lekas sekali ~ kayu*; **2.** = **memburuk-burukkan** mengata-ngata, mencela, mencaci, mencerca: *lekas sekali tuduhan*

datang ~ Ida; mereka telah menggunakan isu-isu yg berunsur negatif dgn tujuan memburuk-burukkan kepimpinan dan kerajaan;

keburukan 1. kekurangan, kelemahan, kepincangan: *berikan ~ dan kebaikan tinggal di bandar; 2.* hal yg tidak baik (tentang orang atau sesuatu): *~ orang yg telah meninggal, terkubur dgn jasadnya; bercerita tentang ~ keluarga sendiri;*

pemburukan perihal memburukkan.

burun ark gurun; *kambing ~ sj kambing liar.*

burung I 1. binatang berbulu, berkaki dua, bersayap (biasanya dapat terbang), unggas: *~ berkik; ~ dara; ~ gereja; ~ hantu; 2.* ki kemaluan laki-laki (biasanya dipakai utk kanak-kanak);

~ bedil Kl pelatuk (alat penjentik peluru); ~ beo Id a) tiung; b)

orang yg bercakap menurut kata orang; ~ pemangsa burung yg makan binatang lain; (bagai) ~ serindit dikatakan kpd orang yg memakai pakaian yg sangat hijau; ~ timang Kl anak kesayangan;

~ gagak itu jikalau dimandikan dgn air mawar sekalipun, tiada akan menjadi putih warnanya prb orang yg sudah bertabiat jahat tidak dapat dibaiki lagi; ~ terbang dipipiskan lada prb belum tentu

lagi diperolehi sesuatu, sudah direka-reka akan gunanya; ~ yg liar jangan dilepaskan, khabar yg mustahil jangan didengarkan prb

jangan dipercayai khabar yg tidak diketahui dgn sah kebenarannya; dengarkan cerita ~, anak di pangku dilepaskan prb

meninggalkan urusan sendiri utk mengurus hal orang lain; harapkan ~ terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan prb kerana

mengharapkan keuntungan besar yg tidak tentu, keuntungan kecil yg sudah pasti dilepaskan; ibarat ~, mata lepas badan terkurung

prb walaupun terpelihara baik, tetapi tidak mempunyai kebebasan; ibarat ~, mulut manis jangan dipakai prb kata yg manis-manis

selalu mengandungi semu (orang yg bodoh lekas terpengaruh

olehnya); *kuat ~ kerana sayap* prb tiap-tiap orang mempunyai kekuatannya sendiri; *laksana ~ diam dlm sangkar* prb hal seseorang yg tiada bebas; *membadai ~ atas langit, merendah diharap jangan* prb janganlah mengharap-harap benda yg susah didapat itu; *satu sangkar dua ~* prb dua orang perempuan memperebutkan seorang laki-laki; *umpama ~, tumpang beramai kawan yg banyak* prb orang dagang itu tiadalah tetap hatinya di negeri orang;

burung-burungan burung buatan.

burung II; *daun ~* sj tumbuhan (pokok renek), *Rhinacanthus nasutus*;

burut sj penyakit (isi perut turun dan biasanya kantung kemaluan menjadi besar), sakit pasang-pasang, sakit bodek, sakit ulur-ulur; *tiada beban batu digalas, tiada ~ diampu-ampu* prb tidak ada kerja (kesusahan) mencari kerja (kesusahan).

busa I gelembung udara yg kecil dan padat pd permukaan cecair (sebab dikocak dll), buih: *maka laut itu pun menjadi putihlah sebab ~nya; mengeluarkan ~*;

berbusa berbuih: *Dolah menayangkan gelasnya yg ~*;

membusa mengeluarkan busa.

busa II Mn hembusan, sembur: *pertimbangannya sendiri pun dikalahkan oleh hembus ~ orang lain*;

membusa menghembus-hembus, meniup, menyembur: *~ api; nafasnya ~ terengah-engah*;

membusakan menghembuskan, meniupkan, menyemburkan;

pembusa 1. orang yg meniup, peniup; 2. alat utk meniup, peniup.

busana 1. pakaian yg lengkap dan indah-indah, perhiasan; 2. sl sj gelaran; *Nara B~* gelaran batin Candan.

busar busur; *gergaji ~* gergaji yg gagangnya menyerupai busar;

membusar mengerjakan sesuatu dgn menggunakan busar; ~ *kapas* membersihkan kapas dr bijinya dgn memakai busar; *putih spt kapas dibusar* prb sangat putih.

busat; membusat memancar (air dll): *air panas yg ~ keluar dr bumi*.

buset (busét) Jw keras; *sakit ~ ark berak darah*.

busi I ark dedak, sekam.

busi II IB **1.** pangkal cahaya yg berbentuk lilin pd lampu elektrik atau gas; **2.** alat utk mencetuskan api pd enjin gas.

busjaket (busjakét) sj baju spt jaket.

bustan sl kebun bunga, taman.

busu panggilan kpda bapa saudara, emak saudara, anak dsb yg bongsu.

busuk 1. berbau tidak sedap (kerana sudah buruk dll): *bangkai yg sudah ~; bau ~; 2.* jahat, dengki, khianat; ~ *budi* tidak baik budi; ~-*bangar* = ~-*lahak* sangat busuk; ~ *hati* jahat hati; ~ *kohong* KI sangat busuk; ~ *mulut* a) nafas berbau tidak sedap; b) suka memaki (memakai perkataan yg kotor-kotor); ~ *tak tahu dibaunya* prb tidak insaf akan kekurangan dirinya; *mana ~ yg tiada berbau* prb tiap perbuatan jahat lambat-laun akan ketahuan juga; *telah ~ maka dipeda* prb sudah terlambat baru dikerjakan;

membusuk menjadi busuk: *benda-benda organik yg mereput atau ~ spt longgokan sampah*;

membusukkan 1. menjadikan busuk: *cara membuat baja itu ialah mencampurkan tahi lembu dgn rumput atau daun-daun yg dibusukkan*; **2.** memburukkan (orang dll), memfitnah, mencelakan: *dialah yg ~ nama gurunya; tak guna ~ kawan sendiri*;

kebusukan 1. perihal busuk (berbau tidak sedap): *mereka tidak tahan menghidu ~ sampah sarap di situ*; **2.** perihal busuk (hati): *dia tidak mahu memperlihatkan ~ hatinya*;

pembusukan perihal membusukkan.

busuk-busuk sj tumbuhan (pokok), bereksa, bebusuk, sebusuk, *Cassia nodosa*.

busung 1. gembung perut (kerana penyakit): *penyakit ~*; **2.** gembung kerana penuh berisi (air dll): *buah dada gadis itu ~*; *kepala ~* kepala menjadi besar kerana berisi air; **3.** timbunan pasir di muara sungai, gosong;

~ air penyakit busung kerana perut berisi air; *~ darah* penyakit busung kerana tidak datang bulan; *~ kencing* busung kerana penyakit pd gelembung kencing; *~ muka* muka bengkak (bakup);

membusung 1. menjadi busung, menggembung: *perutnya ~ akibat penyakit itu*; **2.** meninggi (pasir dll), merupakan busung: *lumpur yg dibawa air sungai itu ~ di muara*; *dgn dada ~* ki dgn perasaan megah (sombong);

membusungkan menggembungkan; *~ dada* a) membesarkan dada; b) ki menyombongkan diri, membanggakan diri: *Mat Akil ~ dada*;

terbusung menjadi busung;

pembusungan perihal terjadinya busung.

busur 1. kayu (buluh dll) yg dilengkungkan dan direntangkan tali utk melepaskan anak panah; *anak ~* anak panah; *tali ~* tali yg direntangkan pd busur; **2.** alat utk membersihkan kapas drpd bijinya (dibuat drpd kayu dll yg dilengkungkan dan direntangkan tali); **3.** Kl kayu dll yg direntangkan tali dan dipasang pd layang-layang supaya berbunyi;

membusur 1. lengkung spt busur; **2.** memanah dgn memakai busur; **3.** membersihkan kapas dll dgn busur.

busut 1. tanah yg melonggok spt bukit tetapi lebih rendah, bukit kecil: *ia beredarlah dr situ lalu pergi duduk di atas sebuah ~*; **2.** sarang

anai-anai yg merupakan bukit kecil: ~ *semut*; ~ *betina* busut yg besar dan bulat; ~ *jantan* busut kecil dan lancap;

membusut menjadi spt busut: *kerak nasi* ~ *jantan*.

busyel unit sukatan utk biji-bijian, buah-buahan, cecair dsb yg boleh memuat 8 gelen atau 36.4 liter.

but = *kasut* ~ kasut yg menutupi kaki (melebihi bahagian atas mata kaki) bertapak dan bertumit keras atau tebal, dibuat drpd kulit atau getah.

buta **1.** tidak dapat melihat: *sekelilingnya hitam pekat bagaikan kedua-dua belah matanya benar-benar* ~; **2.** tidak terang melihat; ~ *rabun* = ~ *radam* mata kabur; **3.** ki tidak tahu (menulis, membaca, dll), tidak dapat mengenal (warna, huruf): *Karim memang* ~ *bahasa Inggeris*; **4.** dlm erti tidak ada (mempunyai) sesuatu; *gaji (wang)* ~ gaji tanpa bekerja; *perigi* ~ perigi yg tidak berair; *surat* ~ surat tanpa nama si pengirim; **5.** kata utk menyatakan amat sangat; *gelap* ~ sangat gelap; *malam* ~ malam yg sangat gelap; *pagi-pagi* ~ pagi-pagi sangat; *sepeser* ~ *pun tidak ada* sesen pun tidak ada; ~ *angka* tidak pandai atau tidak tahu mengira; ~ *ayam* a) rabun (kabur mata) waktu senja; b) petang hari (sesudah waktu senja); ~ *belalang* buta tetapi mata tidak rosak; ~ *belengset* buta dgn kelopak mata bahagian bawah terkeleweh; ~ *bular* buta kerana mata berselaput; ~ *celik* = ~ *cemik* = ~ *cemer* buta dgn biji mata yg tidak rosak; ~ *hati* a) tidak berhati perut, kejam; b) gelap fikiran (tidak berpengetahuan); ~ *kayu* bp buta huruf; ~ *kesip* = ~ *pecah* buta dgn biji mata yg pecah (rosak); ~ *komputer* tidak tahu atau tidak pandai menggunakan komputer; ~ *larangan* tidak dapat melihat jauh; ~ *malam* buta pd malam hari; ~ *mereluh* buta langsung; ~ *perut* a) bp tidak menggunakan akal fikiran, tidak berakal (dlm melakukan sesuatu perbuatan); b) ki asal makan saja

(tidak peduli rasa makanan); ~ *rengga* Kl bermacam-macam jenis buta; ~ *siang* buta pd siang hari; (*mem*)*buta tuli* tidak peduli, tidak mengindahkan sesuatu apa; ~ *warna* tidak dapat membezakan warna, tidak tahu warna apa sesuatu warna itu;

bagai si ~ pergi bergajah prb pekerjaan yg sia-sia (tidak mungkin dapat dilakukan); *bongkok baru betul*, ~ *baru celik* prb orang yg hina dan papa kalau mendapat kesenangan maka mengada-ngada; *orang ~ dapat tongkat, dipukulkan ~ tuli = spt si ~ baru melihat* prb sombong kerana baru peroleh kekayaan (kemuliaan); *orang ~ diberi bersuluh* prb perbuatan yg sia-sia; *spt orang ~ kehilangan tongkat* prb berada dlm kesukaran; *si ~ membilang bintang di langit* prb membuat pekerjaan yg sia-sia; *yg ~ peniup lesung* prb walau bagaimanapun bodoh dan lemahnya orang, ada juga gunanya;

membuta 1. berpura-pura buta; 2. bk tidur: *saya sudah ~ waktu dia pulang malam tadi*; 3. = ~ *tuli* = **buta-butaan** tidak mengindahkan sesuatu apa (berbuat sekehendak hati);

mebutakan membuat buta, mengakibatkan buta: *perompak itu ~ kedua-dua belah mata mangsanya; kau pula hendak ~ hati aku*;

kebutaan perihal buta, keadaan buta.

buta-buta 1. sj tumbuhan (pokok), bebuta, *Excoecaria agallocha*; 2. sj tumbuhan (pokok), pong-pong, *Cerbera manghas*.

buta huruf tidak pandai membaca dan menulis;

kebutahurufan perihal (keadaan) tidak boleh membaca dan menulis.

butal Kl sj ikan.

butala sl bumi, tanah.

butana (Kim) gas yg dihasilkan drpd petroleum, digunakan dlm bentuk cecair sbg bahan api utk memanaskan sesuatu, memasak dsb.

butanol (Kim) sj alkohol tidak berwarna yg digunakan dlm pembuatan sebatian organik dan sbg pelarut utk lakuer, resin dsb.

butang **1.** benda kecil, biasanya bulat dibuat drpd logam, plastik, dll, digunakan utk mengancing pakaian atau sbg hiasan, buah baju, kancing baju (pakaian); ~ *cangkuk* butang yg terdiri drpd cangkuk dan penyangkutnya; ~ *katup* butang yg terdiri drpd dua belah dan ditutup dgn cara menekan yg satu di atas yg lain; *lubang* ~ lubang yg dibuat pd pakaian utk melekatkan (mengenakan) butang; **2.** benda kecil pd alat (pesawat dsb) yg bentuknya atau rupanya seakan-akan butang pd pakaian dan ditekan utk menghidupkan atau menggerakkan alat (pesawat dsb) yg berkenaan;

berbutang **1.** mempunyai (memakai) butang (bkn baju, skirt, seluar, dsb): *bajunya ~ di belakang*; **2.** berpasang butangnya: *dia membiarkan bajunya terbuka, tidak ~*;

berbutangkan menggunakan sesuatu sbg butang: *baju kurungnya ~ mutiara*;

membutangkan **1.** memasang butang (pd pakaian dsb dgn cara menjahitkannya); **2.** memasang (mengenakan, melekatkan) butang (utk mengatup): *dia ~ kotnya*;

pembutangan perbuatan (cara) membutangkan.

butang-butang sj tumbuhan (pokok memanjat), *Naravelia laurifolia*.

butarepan Jw ark cemburu (suami atau isteri).

butbut sj burung, *Centropus spp.*, bubut; ~ *besar*, *Centropus rectungius*; ~ *carik anak*, *Centropus sinensis*.

butek Jw keruh.

butena (buténa) (Kim) sj gas yg tidak berwarna dan baunya menusuk hidung, yg biasanya digunakan dlm pembuatan sebatian organik, butilena.

butik kedai kecil yg biasanya menjual pakaian wanita yg terbaru fesyennya dan hiasan-hiasan badan wanita (spt rantai leher, gelang, cincin, dsb).

butilena (butiléna) (Kim) sj gas yg tidak berwarna dan baunya menusuk hidung, yg biasanya digunakan dlm pembuatan sebatian organik, butena.

butir I 1. biji yg kecil-kecil: ~ *padi*; ~ *beras*; **2.** benda yg kecil-kecil (spt intan dll); **3.** penjumlahan bilangan utk barang-barang kecil yg bulat: *se~ telur*; *dua ~ peluru*; **4.** bahagian kecil-kecil drpd sesuatu (benda, perkara, dll): *dia spt mata-mata gelap yg hendak mengetahui ~-~ keterangan tentang diri seseorang*; ~ *tanah bongkah tanah yg kecil-kecil*; ~ *debit* (Eko) perkara yg ditulis dlm ruang kiri kira-kira perniagaan; ~ *kredit* (Eko) perkara yg ditulis dlm ruang kanan kira-kira perniagaan;

berbutir berbentuk atau berupa butir (biji kecil-kecil): *taburkan racun ~ itu sama rata ke atas pokok atau di sekeliling pangkal pokok*; *tiada ~ Kl tidak terang*;

berbutir-butir 1. berupa atau berbentuk banyak butir: *sagu rendang yg ~*; **2.** beberapa banyak butir: *dia memberikan ~ emas itu kpd orang lain*;

mebutirkan 1. menyatakan dgn butir-butir, menceritakan dgn teliti: *Encik Ramli ~ sebiji-sebiji pendapatnya*; **2.** ki menghasilkan: *empat pemain wanita turut dipilih dgn harapan dapat ~ satu lagi pingat utk negara*; *ujian itu ~ pulangan yg agak lumayan*;

butiran huraian atau keterangan lengkap tentang sesuatu dgn menyatakan hal yg kecil, perincian: *setiap aduan perlulah ada ~ fakta utk memudahkan kerja penyiasatan itu*; *mereka memberikan*

pelbagai ~ selain tayangan video tentangan perancangan projek berkenaan;

pembutiran perihal memberi (menyebut) segala butir (tentang sesuatu keterangan).

butir II; ~ *nangka* a) sj ikan laut, biji nangka, *Lutianus nematophorus*, *Parupereus luteus*, *Pseudopeneus luteus*, *Upeneus spp.*; b) Kl sj kuih berkuah (dibuat drpd beras pulut).

butirapuh bongkah (tanah) yg kecil-kecil.

butuh I bk kemaluan laki-laki.

butuh II Id; **membutuhkan, membutuhi** memerlukan: *pekerjaan ini ~ modal yg besar; aku tak ~ wang;*

kebutuhan sesuatu yg diperlukan, keperluan.

butul Jw; **butulan;** *jalan* ~ jalan tembusan (jalan sisi atau belakang); *pintu* ~ pintu di sisi rumah dll.

butung sj tumbuhan (pokok), buntun, pertun, putat laut, *Barringtonia asiatica*; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rizom), *Kllinga monocephala*.

butut Jw aus, usang, tua (pakaian dll).

buya singkatan bagi abuya: *B~ Hamka*.

buyar Jw mengalir ke segala jurusan, meresap berkembang, berserak, bercabang-cabang (fikiran); *kertas* ~ kertas kembang;

membuyarkan membuat buyar.

buyung I bekas air yg besar perutnya (dibuat drpd tanah liat); *mak* ~ a) (gelaran yg biasanya dirujuk bagi) perempuan hamil; b) ibu ayam, muncikari; *pecah* ~ *tempayan ada* prb laki-laki atau perempuan tidak seorang sahaja (hilang yg satu ada gantinya yg lain);

berbuyung-buyung banyak buyung: *setiap hari dia menyimpan air minuman* ~.

buyung II Mn budak laki-laki (panggilan).

buyur Jw; **membuyur** menyiram.

buyut **1.** orang tua atau ibu bapa kpd moyang ; **2.** = **buyutan**, **kebuyutan** sudah menggigil (terketar-ketar) kerana terlalu tua, sudah tua sekali; **3.** tempat yg keramat.

c huruf ketiga abjad Rumi.

C simbol kimia bagi karbon.

ca huruf keenam abjad Jawi.

Ca simbol kima bagi kalsium.

cabai I sj buah yg berasa pedas (digunakan dlm masakan), cili, lada, *Capsicum spp.*;

~ *acung* = ~ *seberang* = ~ *selasih* sj tumbuhan (herba), lada merah, ladaancang, lada gedang, *Capsicum annuum*; ~ *burung* = ~ *melaka* = ~ *rawit* sj tumbuhan (herba yg buahnya kecil-kecil dan pedas rasanya), lada api (burung, cina, kecil, kerawit, ketek), cili padi, *Capsicum frutescens*;

kecil-kecil ~ *melaka* = *kecil-kecil* ~ *rawit* prb sungguhpun kecil, tetapi garang (berani); *siapa makan* ~ *dialah berasa pedas* prb siapa yg bersalah dialah yg berasa tersindir (siapa yg berbuat salah dialah yg menanggung akibatnya);

kecabaian berasa panas atau pijar pd tempat yg kena cabai; *spt orang* ~ prb tidak tentu hala rupanya (tidak boleh diam, gelisah sangat, dsb).

cabai II sj tumbuhan (pokok memanjat), *Piper longum*;

~ *hutan* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kalung, *Piper lanatum*; ~ *jawa (alas panjang, sulah)* sj tumbuhan (pokok memanjat yg buahnya pedas), lada panjang, *Piper retrofractum*.

cabai III; *burung* ~ sj burung kecil yg berkepala merah.

cabak I sj burung (spt burung layang-layang) yg terbang pd malam hari sahaja.

cabak II koyak yg luas (besar); □ → □ **cabik I**.

cabang I 1. bahagian yg tumbuh dr batang atau dahan pokok: *daun tumbuh di* ~; **2.** bahagian hujung yg berpecah spt dua jari terbuka (bkn galah, lembing, tongkat); *besi* ~ *tiga trisula*; **3.** bahagian atau

bahagian kecil pd tanduk rusa dsb; **4.** bahagian atau bahagian kecil sesuatu jalan (sungai, jalan kereta api, dsb) yg berpecah dr bahagian yg utama: ~ *jalan*; *sungai itu banyak ~nya*; **5.** cawangan: *Malayan Banking Berhad mempunyai banyak ~nya di seluruh Malaysia*; **6.** bahagian atau bahagian kecil drpd sesuatu lapangan pengetahuan (rumpun bahasa, bangsa, dsb): *botani ialah ~ biologi*; *bahasa Melayu ialah ~ rumpun bahasa Melayu-Polinesia*; **7.** golongan masyarakat: *ia dilahirkan dlm kalangan kaum menak, kaum bangsawan ~ atas*;

~ *buaya* = ~ *perahu* kayu bercabang pd rangka badan perahu; ~ *guling* cabang pd haluan atau belakang perahu; ~ *tenggorok* bahagian kecil dr batang tenggorok, bronkiol;

bercabang 1. mempunyai cabang, tumbuh cabangnya: *pokok pinang memang tidak ~*; **2.** berpecah kpd bahagian (kumpulan dsb) kecil: *jalan itu ~ tiga*; *satu kumpulan ~ ke haluan lain utk memulakan kajian perbandingan*; **3.** berbelah bahagi (fikiran, ingatan, dsb): ~ *hatinya (fikirannya, ingatannya)*; *lidah ~ tiada boleh dipercayai apa katanya*;

bercabang-cabang, cabang-bercabang 1. tumbuh banyak cabang; **2.** berpecah kpd banyak bahagian kecil; **3.** berdolak-dalik: *membuat kenyataan yg ~*;

mencabangkan (bkn pokok) menjadikan bercabang atau tumbuh cabangnya dgn melekapkan benih pd pohon atau mencantum;

mempercabangkan menjadikan bercabang(-cabang);

percabangan 1. perihal bercabang atau tumbuh cabangnya; **2.** tempat yg bercabang (jalan, sungai, dsb), persimpangan: ~ *jalan*.

cabang II; ~ *tiga* = *akar tiga* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), mentimun dendang, timun dendang lonjong, *Trichosanthes celebica*; *akar ~ lima* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar papan,

kangkung gajah, *Vitis lanceolaria*; akar ~ tujuh sj tumbuhan (pokok memanjat), akar carik biawak, akar kayah asam, *Vitis polystachya*.

cabar I = ~ hati tawar hati, takut, penakut: ~nya segala orang muda-muda ini;

mencabar 1. menyatakan keraguan akan kesahan atau kebenaran sesuatu, mempersoalkan, mempertikaikan: *keputusan mahkamah itu diakui sah dan muktamad dan tidak boleh dicabar oleh badan-badan lain*; **2.** mengajak berlawan (bertanding, berkelahi), menentang, menyuruh melakukan sesuatu kalau berani: *beliau seterusnya ~ puak pembangkang supaya membawa perkara itu ke mahkamah; dia ~ saya bertinju dengannya*; **3.** menguji kemampuan dan ketabahan seseorang dll (bkn pekerjaan, tugas, usaha, dsb): *pekerjaan itu sungguh ~; peranan DBP menjadi lebih ~ lagi*;

cabar-mencabar (perbuatan) saling mencabar (antara satu dgn lain): ~ adalah suatu bentuk provokasi yg mesti dielakkan;

mencabarkan menawarkan hati, menghilangkan keberanian, menjadikan takut;

tercabar kena cabar (dipersoalkan): *dia tidak rela kelelakiannya ~*;

cabaran 1. hasil mencabar (mempersoalkan, mempertikaikan); **2.** ajakan (utk berlawan dsb); **3.** sesuatu (unsur, faktor, dsb) yg mencabar (menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi dll): *pekerjaan yg penuh dgn ~*;

kecabaran ketawaran hati, ketakutan;

pencabar orang (pihak, golongan, dsb) yg mencabar: ~ *juara dunia, Anatoly Karpov, berjaya menyamakan kedudukan lapan*

mata; ~ kpd golongan elit ini menuduh mereka menjual kepentingan kumpulan etnik mereka kpd kumpulan etnik lain.

cabar II Mn **1.** kurang hati-hati, kurang ingat-ingat, lalai; **2.** kurang hemat, boros.

cabau Mn; mencabau mencakar.

cabik I **1.** koyak, carik (pd kain dsb); *cobak-~* koyak-koyak, robek, sobek; **2.** penjodoh bilangan utk sesuatu yg dikoyakkan, helai: *se~ kain;*

cabik-cabik koyak-koyak, robek, sobek;

mencabik mengoyak, menarik, menyobek;

mencabik-cabik mengoyak-ngoyak, menarik-carik, menyobek-nyobek;

mencabikkan mengoyakkan, menarikkan, menyobekkan;

mencabik-cabikkan mengoyak-ngoyakkan, menarik-carikkan, menyobek-nyobekkan;

cabikan carikan, koyakan, sobekan;

pencabikan perihal atau perbuatan mencabik(kan).

cabik II; *~ hantu* sj tumbuhan (pokok), akar belalang puak, *Pittosporum ferrugineum*.

cabir koyak panjang;

bercabiran cabir di sana sini, koyak-koyak panjang: *seluar dan baju kertasnya itu ~ diterbangkan oleh angin;* □ → **cobar**.

cabit → **cabik I**.

cabo Jk jalang, sundal.

cabuh Mn rusuh, huru-hara, heboh, kacau; □ → **cabur I**.

cabuk I sj penyakit, pekung.

cabuk II sj ikan laut, *Chirocentrus dorab*.

cabuk III → **cambuk**.

cabuk IV 1. buruk dan tidak berguna lagi: *kasut yg sudah ~ dibuangnya*;
2. bp rendah kedudukannya atau kurang dikenali (dihormati, disegani dsb): *aku hanyalah seorang pegawai ~*; **3.** rendah nilainya atau kurang bermutu (bkn sesuatu benda): *aku naik kereta ~ saja, lainlah engkau.*

cabul I 1. keji dan kotor, tidak sopan, tidak senonoh, melanggar kesusilaan (bkn perbuatan, tindakan, pertuturan, dll): *kata-kata ~*; *gambar ~*; *sastera ~*; **2.** melanggar adat dan kebiasaan (bkn kelakuan dsb), (sangat) buruk: *apa sahaja yg dibuatnya ~ belaka*;
3. melanggar larangan (pantang);
~ *di hutan (laut)* mengeluarkan perkataan-perkataan yg memarahkan hantu-hantu hutan (laut); *perempuan ~* perempuan jalang, perempuan sundal, pelacur;

bercabul 1. berbuat cabul; **2.** berjangkit dan merebak (bkn penyakit), bermaharajalela (bkn kejahatan, peperangan, dsb): *ahli-ahli siasah yg bijak telah tidak berjaya mencegah supaya peperangan jangan ~*;

mencabul, mencabuli 1. menodai, mencemari (kehormatan perempuan dll): *maka dicurinya hartanya dan isteri saudagar itu pun dicabulinya*; ~ *kehormatan (seseorang gadis)* menodai atau merosakkan kesucian (seseorang gadis); **2.** memperkosa atau melanggar (kedaulatan, hak, dsb): *tujuan NATO ditubuhkan ialah utk mempertahankan negeri-negeri utara dan barat Eropah drpd dicabuli oleh Soviet*;

kecabulan perihal cabul;

pencabulan perihal (perbuatan dsb) mencabul(i) (kehormatan perempuan, kedaulatan negara, dll): *langkah-langkah utk menghalang sebarang ~ ruang angkasa Pakistan oleh rejim Afghanistan*;

pencabul orang (pihak) yg mencabul(i) hak, kehormatan, dsb orang (pihak) lain.

cabul II orang yg terlalu pendek; □ → **cebol**.

cabur I; kecaburan kekacauan, rusuhan; **cabuh**.

cabur II Mn □cebur.

cabut I 1. tarik; **2.** keluar (pergi, lari) dr sesuatu tempat: *anak abang itu jangan abang ~ dr sekolah supaya ada pelajarannya sedikit; ~ lari lari meninggalkan sesuatu tempat dgn segera;*

bercabut (telah) dicabut, terbantun, terhunus;

mencabut 1. menarik (sesuatu) supaya terlepas (keluar, tertanggal) drpd sesuatu: ~ *rumput; ~ ubi kayu; ~ keris; ~ pistol; ~ bulu ayam; ~ uban; ~ gigi; ~ paku; ~ nyawa* ki mengambil nyawa orang, mematikan; **2.** mengambil drpd kumpulan atau tompokan (daun terup dsb), menarik (undian dll): ~ *daun; ~ nombor bertuah* mengambil satu nombor drpd kumpulan utk menentukan yg bertuah memenangi sesuatu hadiah; ~ *undi* memilih dgn mengundi; ~ *undian (loteri)* a) menarik undian (loteri); b) menang loteri; ~ *untung* mendapat (menarik, memperoleh) keuntungan; **3.** menarik kembali (apa yg telah diberikan, dikatakan, dikeluarkan, dll): *ia tidak mahu ~ usulnya itu;* **4.** membatalkan, memansuhkan, menghapuskan, meniadakan: *sesuatu revolusi harus ditujukan utk membongkar dan ~ keburukan dgn akar umbinya sekali;* **5.** memetik, mengutip (drpd karangan dsb): *puisi ini dicabut drpd majalah tersebut;*

mencabuti mencabut berkali-kali, mencabut banyak-banyak (sekali gus);

mencabutkan mencabut (sesuatu) utk orang lain, menarikkan: *Abu ~ kami beberapa perdu ubi keledak utk dibawa pulang;*

tercabut 1. sudah dicabut; **2.** dapat (boleh) dicabut: *keris itu tidak ~ drpd sarungnya;*

cabutan 1. apa yg (sudah) dicabut, diambil dr sesuatu; ~ *bertuah* undian yg dibuat dgn mencabut keratan kertas bernombor secara rambang yg menawarkan hadiah tertentu; **2.** petikan (drpd karangan dsb);

pencabutan perihal (perbuatan, tindakan, dsb) mencabut, penarikan (kembali), pembatalan, penghapusan;

pencabut orang yg (alat utk) mencabut; ~ *paku* alat utk mencabut paku.

cabut II komisen, dalal, upah; ~ *sepuluh satu* dlm tiap-tiap sepuluh (sen, ringgit, dll), satu (sen, ringgit dll) diambil sbg komisen.

cabut III; *main* ~ sj permainan terup, main dua puluh satu.

caca I sj masakan drpd sayur-sayuran dll yg berkuahkan cuka; ~ *anak ikan* caca yg dicampur dgn ikan kecil, pekasam anak ikan.

caca II sj bubur yg isinya dibuat drpd adunan tepung (yg diwarnai dgn pelbagai warna, digunting, dan dikeringkan).

caca III sj irama dan tarian Barat.

cacah I corak atau gambar yg dilukis pd kulit badan dgn cara melukai atau mencucuk-cucuknya dgn benda tajam dan diwarnai, tatu: *tubuhnya dipenuhi dgn ~ bunga terung;*

bercacah bergambar pd kulit dgn mencucuk atau melukakan kulit dgn benda yg tajam dan mewarnainya;

mencacah 1. mencucuk-cucuk kulit dgn jarum atau benda yg tajam; **2.** membuat gambar pd kulit dgn mencucuk atau melukakannya dgn benda tajam dan diwarnai; **3.** menyuntik; **4.** ki menggarap sesuatu dgn cara menyelidik dan menganalisis secara mendalam: *persoalan itu dicacah secara cermat dan dgn penuh keilmuan;*

pencacahan perihal (perbuatan) mencacah: ~ *pengalaman melalui manipulasi matematik*;

pencacah 1. orang yg mencacah; **2.** alat (jarum dsb) utk mencacah: *jarum ~*.

cacah II sj tumbuhan (pokok), lempoyan, *Stereospermum fimbriatum*.

cacah III Jw; **mencacah** mencencang halus-halus: ~ *daging*.

cacah IV Jw **1.** bilangan, jumlah; ~ *jiwa* banyaknya penduduk (di sesuatu daerah); **2.** catatan tentang bilangan penduduk, banci;

bercacah mempunyai bilangan penduduk; ~ *jiwa seribu orang* banyaknya penduduk ialah seribu orang.

cacah V Jw ark petani yg menjadi anggota desa.

cacah VI Mn cecah.

cacak I tegak (galah, tiang, dll); ~ *lari* lari tergesa-gesa atau cepat-cepat;

mencacak berdiri tegak lurus; ~ *tonggak* berdiri dan terdiam sebentar;

mencacakkan 1. menanam sesuatu tegak (di tanah dll): ~ *tiang bendera*; ~ *belat* menahan belat; **2.** mendirikan, menegakkan: *pelita minyak yg dicacakkan di tepi jalan itu menerangi kegelapan*;

tercacak 1. terdiri (berdiri) tegak: *jambul ~ di atas kepala*; **2.** tertanam, terpancang tegak: *tali itu tergantung pd galah yg ~ di tanah*; **3.** terbenam (tertanam) ke dlm sesuatu (tanah, badan, dll); ~ *spt lembing tergadai* prb terdiri tegak dan tercengang-cengang.

cacak II Mn; **mencacak 1.** mencubit; **2.** menyeluk saku (kocek);

pencacak penyeluk saku (kocek).

cacamarba mengandung pelbagai unsur, bercampur aduk, (ber)pelbagaian: *akibat kegelabahan kita, berterusanlah kebudayaan ~ yg meremehkan peranan kebudayaan Melayu yg sepatutnya menjadi tonggak kebudayaan nasional*.

cacamerba → **cacamarba**.

cacang I sj tumbuhan (herba), kerak-kerak, sumpu cacing, *Bonnaya veronicifolia*; ~ *layar* sj tumbuhan (yg tumbuh di air, bunganya berwarna biru), kelayar, *Monochoria hastata*.

cacang II Kl,Tr cacak;

bercacang berdiri (tegak): *tidak guna kita ~ di tengah panas ini*;

bercacangan penuh sesak orang berdiri.

cacap sj air pelebat rambut (dibuat drpd air batang pisang, air akar empelas, dll);

mencacap 1. membasahi rambut dgn cacap; **2.** Jw membasahi kepala, mengusap-usap kepala;

mencacapi ark menggenangi, merendami.

cacar I sj penyakit virus yg mudah berjangkit yg berbintik-bintik dan meninggalkan kesan atau parut pd kulit, ketumbuhan;

~ *air cacar* yg mengandung air, cengkering, jeluntung; ~ *ayam* sj penyakit ayam; ~ *betul* = ~ *nanah* cacar yg mengandung nanah; ~ *lembu* sj penyakit virus yg mudah berjangkit yg menjangkiti bahagian puting tetek lembu (boleh juga menular kpd manusia); ~ *monyet* sj cacar yg kecil-kecil; ~ *palsu* campak;

bercacar ditanam benih cacar (utk mencegah penyakit cacar), bercungkil;

mencacar menanam benih cacar dlm tubuh, mencungkil;

pencacaran perihal mencacar, pencungkilan.

cacar II ark Tr lincah.

cacat kekurangan atau keadaan kurang sempurna (lengkap, baik) pd badan (benda, perbuatan, akhlak, batin, dll), cela; *barang ini ~ sedikit* rosak (kurang elok) sedikit; *apa ~nya kalau kita menjemput dia* apa buruknya (malunya, ruginya, celanya) kalau menjemput

dia; *~nya sedikit, lampu di situ agak terang* sayang lampu di situ agak terang;

~ akal tidak waras; *~ anggota* cacat pd anggota (spt tidak bertangan dll); *~ cedera (cela, cida)* bermacam-macam cacat;

bercacat mempunyai cacat, bercela;

mencacat mengatakan keburukan seseorang atau sesuatu, mencela: *bangsa Melayu tidak dicacat dan dibencinya*;

mencacati **1.** menyebabkan sesuatu cacat, melukai (merosakkan dsb): *jangan dicacati pokok kayu di perkarangan itu*; **2.** mencabul, menodai: *~ nama baiknya sendiri*; *~ undang-undang* melanggar undang-undang;

mencacatkan menjadikan atau menyebabkan cacat: *rokok juga boleh ~ bayi*;

tercacat tercela;

cacatan celaan, kecaman, kritik: *jika mendapati apa-apa perkara yg tidak munasabah dlm cerita ini, janganlah hendaknya menjadi ~*;

kecacatan perihal (keadaan, sifat, dsb) kurang sempurna, kekurangan atau keadaan (yg menjejaskan sesuatu): *~ ini tidak zahir pd mata ramai kerana Sulung sangat pandai melindungi kekurangannya*; *~ pd anggotanya tidak sedikit pun menghalangnya mencapai cita-citanya*; *~ sembahyang fardu yg tidak disengajakan, kerana lupa, rosak bacaan, dll*;

pencacat orang yg suka mencacat(i), pencela, pencerca.

cacau **1.** kacau, keliru, tidak tetap (fikiran, hati, perbuatan, dll); **2.** menyebut atau melakukan sesuatu dgn tidak tentu perasaan dan fikiran; **3.** ark gugup (kebingungan dll);

mencacau menyebut atau melakukan sesuatu dgn tidak tentu fikiran dan perasaan, meracau;

cacauan yg disebut semasa mencacau, racauan: *tiada seorang pun yg dapat mengerti ~ Yusof itu;*

pencacau azimat utk mengelirukan atau membingungkan orang.

caci cela, cerca, nista; ~ *maki* kata yg keji dan kotor;

bercaci-cacian saling mencaci, saling mencela, saling mencerca, saling menghina;

mencaci 1. mengatakan keburukan orang, mencela, menghina: *dia tidak mahu belajar lagi kerana gurunya selalu ~ dia di depan murid-murid lain;* 2. = ~ *maki* memaki-maki dgn kata-kata yg keji dan kotor;

caci-mencaci (perbuatan) saling mencaci (antara satu sama lain): *utk menenangkan keadaan, elakkan sebarang perbuatan ~ dan cabar-mencabar;*

tercaci dicaci, terkeji: *sifat-sifat yg ~;*

cacian celaan, cercaan, nistaan;

pencaci orang yg mencaci.

cacibar sj burung, taptibau, *Eurostopodus temminckii*.

cacil ark sangat kecil (kalau dibandingkan dgn pasangannya atau lain-lain).

cacing beberapa jenis binatang yg bulat atau pipih panjang dan tidak beranggota (ada yg hidup dlm air, tanah, perut manusia atau binatang, dll);

~ *benang* = ~ *gelang* cacing halus yg biasanya hidup dlm tanah di lautan, daratan, dan padang pasir; ~ *filaria* cacing yg hidup dlm sistem limfa manusia yg boleh menyebabkan penyakit untut; ~ *kerawit* = ~ *keruit* cacing yg hidup dlm usus manusia dan binatang; ~ *kermi* cacing dlm usus; ~ *parasit* cacing yg mendapat makanan dr usus binatang dan manusia; ~ *pita* = ~ *pipih* cacing panjang dan leper yg berwarna putih kelabu (hidup dlm usus binatang atau

manusia); ~ *rambu* cacing yg halus-halus; ~ *tanah* cacing bulat panjang yg licin dan badannya bergelang-gelang (hidup dlm tanah yg lembap);

~ *hendak menjadi naga* prb orang yg kecil-kecil hendak menjadi orang besar-besar; ~ *kepanasan* prb tidak diam atau tenang, selalu gelisah (kerana susah, sakit, malu, dll); ~ *naik ke mata* kelakuan yg melampau;

mencacing sangat kurus (badan);

cacingan menderita sakit kerana banyak cacing dlm perut.

cadai I; mencadai bergurau-gurau, bermain-main, berolok-olok.

cadai II kain basahan mandi.

cadak I condong (bkn tiang).

cadak II Jh berbeza.

cadang; bercadang mempunyai niat utk melakukan sesuatu (spt pergi melancong dll), berniat, berhajat, bertujuan: *mereka ~ utk pergi melancong ke Bali*;

mencadangkan 1. mengemukakan sesuatu pendapat utk dipersetujui (dipertimbangkan dsb), mengusulkan, menyarankan, menganjurkan: *Menteri Buruh akan ~ supaya rang undang-undang itu dibaca bagi kali yg ketiga*; 2. mencalonkan: *dgn tiada pilih-memilih lagi, Serang Sakar telah ~ Si Tenggara bagi memenuhi jawatan tandil itu; Ali ~ Jamal sbg setiausaha kehormat persatuan itu*; 3. menyediakan (menyimpan) sesuatu (utk digunakan apabila perlu): *seramai tiga puluh ribu orang dicadangkan utk memperkuat pertahanan negara*; 4. menguntukkan (harta, wang, dsb) utk penggunaan sesuatu atau seseorang: *kawasan tanah itu dicadangkan utk bekas-bekas perajurit*; 5. mempersiapkan, merancang, merencanakan, merangka: ~ *strategi serangan*;

cadangan **1.** sesuatu yg dicadangkan, anjuran, usul, saranan: *setelah ~ menteri itu disokong, rang undang-undang itu pun diluluskan oleh Dewan; ~ Serang Sakar itu telah dipersetujui pula oleh Nakhoda Jaya*; **2.** persediaan (wang, harta, benda, dll) utk digunakan apabila perlu, dana; **3.** rancangan, rencana: ~ *lima tahun*;

~ *balas* cadangan yg diberikan sbg tindak balas kpd cadangan yg terdahulu; ~ *penimbal* (Eko) himpunan bahan mentah utk mengawasi harga supaya tidak merosot atau tidak melambung tinggi; ~ *wang tunai* = ~ *modal* (Eko) persediaan harta (saham, wang, dsb);

pecadangan perihal (perbuatan dsb) mencadangkan;

pecadang orang yg mencadangkan (mengusulkan, menyarankan, mencalonkan, dll), pengusul, penyaran, pencalon.

cadar **1.** kain penutup kepala atau muka perempuan; **2.** = *kain* ~ kain penutup tilam; *memasang (membentangkan)* ~ menutup tilam dgn cadar;

bercadar memakai cadar, bertutup atau berpasang dgn cadar: *tilam itu belum ~*;

bercadarkan mempunyai sesuatu sbg cadar: ~ *kain batik*.

cadas (Sunda) lapisan tanah yg keras (terjadi drpd pasir atau tanah);
wadas.

cadi kayu atau buluh yg dipasang di kiri kanan perahu supaya seimbang (jangan bergolek), katir.

cadik I → **cadi**.

cadik II Mn cerdik.

cadir → **cadar**.

caduk I Jw rabun (mata).

caduk II; mencaduk mengangkat atau menaikkan sesuatu (spt belalai gajah atau kepala ular yg hendak mematuk);

tercaduk terangkat (spt kepala ular atau belalai gajah).

cadung; bercadung-cadung tumbuh (benih yg ditanam).

cadur pakaian labuh atau jubah wanita Islam (termasuk kerudung) yg biasa dipakai di Timur Tengah yg menutupi aurat seluruh anggota badan (kecuali muka dan tapak tangan): *kaum wanita Iran yg berpakaian ~ masih boleh bergerak dgn cergas ketika memikul senjata.*

cagak I **1.** cabang (kayu dll); ~ *jalan* simpang jalan; **2.** kayu (galah, tongkat, dll) yg hujungnya bercabang utk menyangga atau menopang sesuatu (meriam, teropong, dll); **3.** penyangga atau kaki bermacam-macam alat (kamera, mesingan, dll); **4.** Id tiang telefon; **5.** sokongan, tunjangan, pertolongan; ~ *hidup* Id bunga wang yg harus dibayar kpd seseorang semasa hidupnya atau utk beberapa tahun; **6.** Kl pengandar rumput: *dia memotong rumput dua ~ sehari utk lembunya*; **7.** alat (drpd kayu, buluh, logam) yg bulat, panjang, kukuh, dan ringan yg digunakan sbg penyidai kain;

bercagak **1.** bercabang; **2.** memakai cagak (sokong dll); *tulang* ~ tulang pipi;

mencagak menyokong (menahan, menopang, dll) dgn cagak;

mencagakkan menaruh sesuatu di atas cagak;

tercagak tertopang dgn cagak.

cagak II; mencagak **1.** menopang, menahan dgn cagak; **2.** menunjang, menyokong; **3.** kelihatan jelas di mata kerana tegak (mencuar dll); **4.** tangkas pergerakan badan dan petah berkata-kata;

mencagakkan menanam pancang di tanah, memancangkan;

tercagak terpancang.

cagar = **cagaran** **1.** barang yg dijadikan sbg taruhan apabila berhutang, barang yg digadaikan, rungguh(an); **2.** cengkeram, bayaran pendahuluan, wang muka; ~ *alam* kawasan simpanan (bagi mergastua);

bercagar, bercagaran bersandar pd atau disokong oleh sesuatu;

bercagarkan mempunyai sesuatu taruhan sbg jaminan berhutang, bersandarkan: *pinjamannya ~ sekeping tanah pusaka*;

mencagarkan memberikan sesuatu sbg cagaran hutang, menggadaikan, merungguhkan: *ia ~ tanah dan bangunan kedainya*;

pencagaran perbuatan mencagarkan: ~ *tanah*.

cagu sj penyakit bernanah pd kuku jari.

cagun Mn; **mencagun** timbul, muncul.

cagut patuk, catuk, pagut;

mencagut mematuk, mencatuk, memagut.

cah sr **1.** kata utk menyatakan perasaan tidak suka (menghina, mengejek, dll); **2.** kata utk menggertak kerbau (supaya lebih cepat berjalan).

cahang tidak ada rasa (makanan), tawar, campah.

cahar cair (terutama bkn tahi); *sakit ~ sakit cirit-cirit*;

mencahar mencuci perut dgn memakan ubat pencuci perut;

pencahar ubat pencuci perut, julap.

cahaya **1.** pancaran yg datangnya dr objek yg bersinar (matahari, lampu, api, dll) yg membolehkan sesuatu (objek, sekitaran, dll) dilihat, sinar: ~ *bintang*; **2.** kilauan (emas, intan, berlian, dll): ~ *permata*; **3.** seri, kejernihan (air muka); ~ *mata* a) kilau mata, sinar mata; b) kekasih, buah hati; c) anak; ~ *muka* a) rupa air muka; b) seri yg kelihatan pd muka; **4.** penyuluh (kpd rohani), petunjuk: *sesungguhnya telah datang kpd kamu ~ kebenaran drpd Allah*;

bercahaya memancarkan cahaya, bersinar, berkilat, berkilau, berseri, gilang-gemilang: *bintang-bintang ~ dgn sangat terangnya; muka Tuan Bujang ~ spt bunga raya;*

mencahayai memberi cahaya kpd, menerangi, menyinari, menyuluh: *bulan purnama ~ sekalian alam dgn sinarnya yg lembut;*

mencahayakan 1. mengeluarkan atau memancarkan cahaya, menyinarakan; 2. menjadikan bercahaya, mengilatkan, menyinarakan: *berlian boleh dicuci utk ~nya;*

pencahayaan 1. perihal mencahayakan, penyinaran; 2. penggunaan alat, perkakas yg mengeluarkan cahaya dan penghasilan cahaya yg sesuai bagi usaha pementasan atau penggambaran: *seorang pereka set sentiasa menjadi orang rujukan kpd pereka-pereka kostum, ~ dan petugas-petugas teater yg lain.*

caing I; *cuang-~ = caing-caing* koyak-koyak, cabik-cabik, robek-robek, rabit-rabit;

mencaing-caing mengoyak-ngoyak, mencabik-cabik, merobek-robek, merabit-rabit.

mencaingkan menjadikan cabik, merobekkan.

caing II (Sunda) sukatan padi (= 200 ikat).

cair 1. tidak keras dan tidak spt gas (boleh mengalir spt air), encer, tidak pekat: *air raksa ialah benda yg ~; susu ~; logam kalau dipanaskan menjadi ~;* 2. ki bocor (bkn rahsia, berita, dll); 3. menjadi lemah (kurang giat, kurang bersemangat, dsb): *kekerasan hatinya ~ spt lilin terkena bahang api;* 4. (Eko) mudah ditukarkan kpd wang tunai;

~ loler Kl terlalu cair; ~ otak pandai;

mencair menjadi cair: *lapisan air batu di kawasan kutub ~ lalu aras laut meningkat;*

mencairkan **1.** menjadikan sesuatu cair, mengencerkan: *pemanasan itu ~ minyak yg beku*; **2.** (Eko) menukarkan aset kpd wang tunai: *para pemaju menjual rumah bernilai lebih AS\$1 bilion (RM3.8 bilion), ~ pasaran yg terbeku selama setahun*; **3.** ki menjadikan perasaan (semangat dsb) berkurang atau lemah: *suara manja kekasihnya itu tidak ~ kemarahan Wi*;

cairan sesuatu benda yg sudah dicairkan, enceran;

kecairan **1.** perihal cair; **2.** (Eko) kebolehan utk menukarkan sesuatu aset kpd wang tunai dgn mudah dan cepat; **3.** (Eko) adanya pembeli dan penjual yg mencukupi bagi sesuatu sekuriti (saham) pd harga yg berpatutan utk mengekalkan keadaan pasaran yg stabil;

pencairan **1.** proses mencair atau mencairkan; **2.** (Eko) proses menukarkan (menjual) aset kpd tunai bagi tujuan menjelaskan hutang syarikat;

pencair bahan (spt air dsb) utk mencairkan sesuatu.

cais ark tali kekang, kendali.

caj **1.** bayaran yg perlu utk sesuatu perkhidmatan atau barang yg dibeli: *kenaikan ~ perkhidmatan sebanyak 500 peratus yg dikenakan oleh LKIM*; **2.** mengenakan harga (pd barang, perkhidmatan): *apa fasal kau ~ lebih?* **3.** pertuduhan (dlm mahkamah).

cak I bunyi spt bunyi orang makan atau binatang berjalan di lumpur.

cak II; ~ *padang (tanah)* sj burung spt burung pipit, apit-apit, laki padi, lancar-lancar, pipit padang, seri lancar, *Anthus novaeseelandiae malayensis*; ~ *padi* sj burung, ciak, pipit padi, pipit uban, *Munia m. maja*; ~ *raya* sj burung, tempua, *Ploceus philippinus infortunatus*; ~ *tinting* sj burung, laki padi, main angin, *Cisticola juncidis malaya*.

cak III ukuran besar yg dihitung menurut besarnya lingkungan hujung jari kedua-dua belah tangan (jari telunjuk bertemu jari telunjuk, ibu jari bertemu ibu jari).

cak IV Kl cangkul.

cak V bp kata utk mengagah (kanak-kanak, bayi).

caka Mn tadi.

cakah 1. lebar (bkn sudut, cabang, kangkang kaki, dll); *sudut* ~ sudut yg luasnya lebih drpd 90° tetapi kurang drpd 180°; **2.** tidak melengkung (bkn tanduk), lurus ke kiri dan ke kanan, kedua-dua hujungnya berjauhan;

mencakah 1. berjalan dgn kaki terkangkang: *berjalan* ~; **2.** melebarkan (cabang dll).

cakak I Mn kelahi, perkelahian;

bercakak berkelahi, berbantah;

pencakak suka berkelahi; □ → □ **cekak III.**

cakak II Tr terdaya, berupaya: *saya sudah tidak ~ hendak mendaki bukit ini kerana terlalu tinggi.*

cakal; ~ *bakal* Jw orang yg mula-mula membuka kampung.

cakalele (cakalélé) tarian perang (di Maluku dan Minahasa).

cakap I bicara, kata, kecek, tutur;

~ *angin* cakap yg tidak ada isi atau tidak betul (omong kosong); ~ *mulut* bahasa yg digunakan dlm percakapan sehari-hari (tidak dlm tulisan);

~ *berdegar-degar, tahi tersangkut di gelegar* prb cakap sahaja yg besar tetapi tiada suatu pun pekerjaan yg dilakukan; *dengar* ~ *enggang, makan buah beluluk, dengar* ~ *orang, terjun masuk lubuk* prb sesuatu pekerjaan itu kalau tidak difikirkan sendiri dgn betul-betul dan hanya mendengar cakap orang adalah mudarat akibatnya; *mengalih kain payah juga ke ceruk, mengalih* ~ *di mata-mata*

sahaja prb memperkatakan sesuatu rahsia itu haruslah berhati-hati kerana buruk akibatnya kalau diperkatakan kpd orang yg tiada tentu;

bercakap 1. berkata, berbicara, bertutur: *perlembagaan menjamin tiap-tiap warganegara akan mendapat beberapa hak yg pokok spt kebebasan ~; wakil kita pandai ~ sahaja*; **2.** berbahasa: *~ Melayu*
3. berbual, berborak, bersembang;

bercakap-cakap 1. berbual-bual, beromong-omong; **2.** bercakap atau berbincang tentang sesuatu tanpa bertindak atau melakukan sesuatu: *terpulanglah kpd sarjana-sarjana di Malaysia sendiri utk memajukan bidang Pengajian Melayu, bukan sekadar ~ mengenainya sahaja*;

mencakapi ark mengajak berkata (dgn), menegur, menyapa;

mencakapkan, mempercakapkan 1. membicarakan, memperkatakan: *O, itukah yg hendak dicakapkan tadi!; apa yg dipercakapkan oleh orang dua beranak ini?* **2.** menceritakan, memberitahukan, mengkhabarkan: *kalau Idah cakapkan pd Kak Inah boleh, tapi takkan Kak Inah boleh buat apa-apa*; **3.** mengucapkan, menyebutkan, menggunakan bahasa: *bahasa Melayu dicakapkan di Malaysia dan di Indonesia oleh lebih drpd 100 juta manusia*;

percakapan, cakapan 1. pertuturan: *segala ~ dan tingkah lakunya telah menjadi beradat benar*; **2.** pembicaraan, perbualan, perundingan: *kemudian drpd itu ~ antara kedua-duanya melarat kpd beberapa perkara yg lain*; **3.** apa-apa yg dicakapkan.

cakap II 1. Id sanggup, boleh, mampu, dapat (membuat sesuatu), dapat dan pandai melakukan sesuatu, cekap; **2.** elok, cantik, rupawan; **3.** Mn tangkas, lekas, pantas, cekap;

bercakap sl sanggup, berani (mengerjakan sesuatu): *maka Sultan Mansur Shah pun memberi titah menyuruh menaiki Hang Kasturi, seorang pun tiada ~;*

mempercakap, mempercakapkan Id menjadikan cakap (mahir, dapat, mampu) utk melakukan sesuatu, mempercekap;

kecakapan **1.** kesanggupan, kemampuan, kecekapan; **2.** Id kemahiran, kepandaian (melakukan sesuatu); **3.** Mn kepantasan membuat (mengerjakan) sesuatu, ketangkasan, kepantasan, kecekapan; □ → □ **cekap.**

cakap besar kata-kata atau bicara yg membesar-besarkan diri sendiri;

bercakap besar suka mengeluarkan kata-kata atau bicara yg membesar-besarkan diri sendiri.

cakar I **1.** kuku yg panjang, runcing, dan melengkung (pd burung, ayam, harimau, kucing, dll): *anjing mempunyai ~ tetapi lembu tidak, melainkan kuku;* **2.** garis bekas kena kuku, kesan kena garu; **3.** = **pencakar;**

~ *ayam* a) tulisan tangan yg amat buruk; b) sj kuih yg dibuat drpd ubi kayu atau keledak yg diracik; ~-*balar* garis-garis atau cakar-cakar yg banyak dan tidak menentu (calar-balar); ~ *besi* a) sepiit besi utk memegang besi yg dibakar dll; b) pencakar yg dibuat drpd besi;

bercakar, bercakaran, bercakar-cakaran **1.** (bkn binatang) berkelahi dgn menggunakan cakar; **2.** ki berkelahi, bertengkar: *kita sering ~ sesama sendiri;*

mencakar **1.** menggaru (dgn cakar); **2.** ark mengais, mencari makan (bkn ayam dll);

percakaran perihal bercakar (bercakaran, bercakar-cakaran);

pencakar 1. penggaru, kukur; **2.** alat utk menarik (mengumpulkan) sampah dll; ~ *awan* = ~ *langit* bangunan yg bertingkat-tingkat dan tinggi.

cakar II; ~ *bebek* = ~ *itik* sj tumbuhan (herba), tapak itik, *Acanthus ebracteatus*.

cakatan → **cekatan**.

cakau → **cekau**.

cakawari ark datuk kpd moyang (mengikut tertib anak, bapa, datuk, moyang, buyut, cakawari), cilawagi.

cakduh Kl tidak sempurna (perbuatan).

cakela (Hindustan) ark; *rumah* ~ rumah pelacuran.

cakera 1. = **cakeram** sl roda; **2.** = **cakeram** senjata yg bulat pipih dan tajam tepinya: *selapis panah dan selapis dadap dan selapis* ~; **3.** besi yg pipih bulat yg dilemparkan dlm pertandingan sukan; **4.** (Komp) sj peranti drpd kepingan bersalut magnet yg digunakan utk menyimpan data dan atur cara komputer; ~ *keras* (Komp) sj cakera yg dapat menyimpan banyak data; ~ *liut* (Komp) sj cakera magnetik yg ringan dan fleksibel utk menyimpan data, biasanya terdapat dlm saiz (garis pusat) 8 inci, 5.25 inci, dan 3.5 inci, disket; ~ *optik* (Komp) sj cakera yg menggunakan teknologi laser utk merakamkan data pd cakera; ~ *padat* (Komp) sj cakera magnetik yg mempunyai ketumpatan perakaman yg tinggi, dgn storan yg lebih besar.

cakerawala 1. langit, lengkung langit; **2.** peredaran bintang-bintang dll di langit; **3.** bintang-bintang di langit (spt bulan, matahari, dll); **4.** kaki langit, tepi langit.

cakerawati sl kerajaan (negara), pimpinan tertinggi (negara dll).

cakiah terompah kayu.

caklempong (caklémpong) sj alat bunyi-bunyian tradisional yg berupa gong-gong kecil drpd perunggu yg berbentuk periuk dan berbusut di tengah-tengah permukaannya, geloneng, celempong, telempong.

cakmau → **camau**.

cakna Tr ambil peduli, ambil berat: *semenjak emak kau meninggal, sayalah yg ~ makan minum ayah kau.*

cakoi C sj penganan drpd adonan tepung gandum yg digoreng.

cakruk Jw pondok kecil tempat menunggu bas, berjualan dll yg biasanya terdapat di tepi jalan: *secara logik, mewujudkan sebuah syarikat utk membina masjid, surau, jalan kampung dan ~ tentulah tidak menguntungkan.*

caku pisau lipat.

cakuk → **cangkuk I**.

cakup I; mencakup 1. menangkap dgn mulut (tangan dll); **2.** = **mencakup-cakup** membuka-buka mulut spt mengambil udara; **pencaup** alat menangkap tikus (babi dll), perangkap.

cakup II Jw ark; **mencakup 1.** menyauk atau mencedok (dgn tangan); **2.** = **mencakupi** ki merangkumi beberapa hal dsb, meliputi: *seminar itu ~ semua aspek dlm bidang pendidikan bahasa dan sastera;* **mencakupkan** menyaukkan;

cakupan 1. perihal menyauk sepenuh genggam tangan: **2.** liputan, rangkuman, lingkungan: *pendekatan ini agak berbeza dan terpisah drpd kebiasaan disiplin ~nya.*

cakus I; mencakus mengambil sedikit-sedikit (makanan).

cakus II; mencakus menggalas.

cal bp selendang, mafela, sal, syal, cala.

cala I cal.

cala II; cola-~; □ → **cola**.

calabikang sj kuih.

calai Kd; **mencalai** berlari (binatang).

calak I keletah bercakap, lancang mulut, bercakap ikut suka hati sahaja.

calak II; mencalak cemerlang, bercahaya, bersinar: *matahari ~*.

calak III Mn celak.

calak IV Mn sj asah; ~ *ganti asah, menanti tukang belum datang* prb menggunakan apa yg ada sementara menunggu yg lebih baik lagi (dipakai utk sementara waktu sahaja);

mencalak menggosok, melampas, mengasah.

calak V Tr mencuit (sesuatu) dgn kuat dgn menggunakan hujung jari.

calang I → **pencalang**.

calang II 1. tidak banyak daun (pd pokok), gondol; **2.** ki tidak dihiasi.

calang-calang; *bukan ~ bukan sebarang, bukan alang-alang: pesertanya ramai, pengerusinya pula bukan ~ orang.*

calar garis bekas kena sesuatu yg tajam (spt cakar, jarum, duri, dll);

bercalar mempunyai calar, bergaris, bergores: *Yusof balik ke rumah dgn mukanya yg ~;*

mencalarkan membuat calar (pd sesuatu), menggoreskan;

tercalar 1. tergaris, tergores; **2.** ki menjadi rosak, menjadi tidak baik.

calar-balar banyak garis yg tidak keruan, penuh dgn calar;

mencalar-balarkan menyebabkan atau menjadikan calar-balar: *penyental yg kasar boleh ~ kristal.*

calat I; mencalat menarik kulit kemaluan lelaki (supaya lepas drpd takuknya).

calat II Pl, Pr habis: *nasi seperiuk itu dimakannya hingga ~.*

calet (calét) → **chalet**.

calik Mn pandang, lihat;

bercalik-calikan berpandang-pandangan;

mencalik memandang, melihat;

pencalikan pemandangan, pelihatan.

caling I → **culang-caling**.

caling II Jk taring.

calit 1. tanda spt cat (kapur dll) yg telah disapukan atau dipalitkan sedikit, palit; **2.** bp tanda berbentuk V pd pakaian seragam anggota polis atau tentera yg menunjukkan pangkat (hingga ke taraf sarjan sahaja): *dgn satu ~ di lengan, saya mula berasa selesa memakai pakaian seragam; ~ api mancis api, gores api;*

bercalit kotor kerana kena sesuatu spt lumpur dsb, berpalit;

mencalit menyapu, menggores: *kedengaran orang ~ mancis api dr dlm bilik;*

mencalitkan memalitkan, menggoreskan: *dicubanya ~ cat yg sudah dicampurnya itu di atas sehelai kertas; ~ arang ke muka prb mencemarkan nama baik seseorang (mengaibkan).*

calo I bp pergi.

calo II Jk orang yg mencarikan penumpang utk kereta dll.

calon 1. orang yg akan, atau dicadangkan utk, menjadi, bakal pemegang sesuatu jawatan (spt bakal pegawai dll); *~ guru* orang yg sedang dididik utk menjadi guru; *~ menantu* bakal menantu; **2.** orang yg dicadangkan supaya dipilih menjadi wakil rakyat (ketua, pengerusi, dll): *semua ~, walau apa keturunan sekalipun, akan diberi layanan yg sama dlm pilihan raya Persekutuan; ~ bebas* seseorang yg bertanding dlm pilihan raya tanpa mewakili mana-mana parti politik; **3.** orang yg akan mengambil peperiksaan atau ujian;

mencalonkan mencadangkan nama seseorang utk dipilih, mengemukakan sbg calon;

pencalonan perihal atau perbuatan mencalonkan, pengemukaan nama seseorang sbg calon: *Yang di-Pertuan Agong boleh dipilih*

semula dgn syarat semua Raja Melayu yg lain menolak ~ utk jawatan tersebut;

pencalon orang (pihak) yg mencalonkan atau mengemukakan calon: *~ hendaklah mengemukakan satu nama sahaja.*

calu (Hindustan) pelayaran tetap yg berulang-alik (bkn kapal).

calui C bp makan duit, makan suap.

calung **1.** bekas yg dibuat drpd buluh utk mengambil air; **2.** pencedok air (minyak dll); **3.** bekas menakung susu getah, cawan getah.

cam = **mengecam** kenal atau ingat kembali rupa dsb seseorang atau sesuatu yg telah dilihat atau didengar sebelumnya;

mengecamkan **1.** memerhatikan (seseorang atau sesuatu) dgn sungguh-sungguh (supaya dapat mengenalinya atau ingat akannya kemudian), mengamati (supaya tidak lupa kelak): *camkanlah apa yg sedang berlaku itu;* **2.** mengingati, meyakini: *camkan bahawa larutan itu menjadi panas semasa gas itu larut;* **3.** mengesan, mengetahui: *bau binatang yg jauh dapat dihidunya dan dicamkannya di mana adanya binatang itu;*

pengecaman perihal atau perbuatan mengecam(kan), pengamatan.

camar I sj burung, *Sterna hirundo;*

~ besar berjambul sj burung, Sterna bergii; ~ hitam sj burung, Chidonias niger; ~ jambu sj burung, Sterna dougallii; ~ kecil sj burung Sterna albifrons.

camar II Mn sangat gemar (makan), lahap.

camat Id pegawai daerah (kecil), penolong pegawai daerah, asisten wedana;

kecamatan **1.** daerah yg diketuai oleh camat; **2.** pejabat camat.

camau sj tumbuhan (pokok yg daunnya digunakan utk menghapuskan merah-merah pd kulit dan akarnya utk mengubat kencing nanah), cakmau, *Dracaena angustifolia.*

cambah 1. tumbuhan yg baru keluar dr biji benih dsb; ~ *kelapa* tumbuh kelapa, tombong kelapa; **2.** Kl, Tr tauge;

bercambah 1. mula tumbuh (bkn biji benih dsb); **2.** mempunyai cambah; **3.** muncul, terbit, lahir: *Minah menjeling tajam, kemudian ~ juga sebuah senyuman di bibirnya; usianya yg mendekati empat puluhan dan masih membujang itu membuatkan ~ suatu harapan;* **4.** ada banyak, ada (terdapat) di merata-rata tempat: *di surau dan madrasah yg ~ di tanah air kita ini;*

mencambahkan menjadikan bercambah: ~ *biji benih;*

cambahan munculnya, terbitnya, lahirnya: *dia tersenyum, diulit ~ bibit kelegaan di hatinya;*

percambahan perihal bercambah (biji benih): *keinginan utk mencegah ~ senjata nuklear;* □

pencambahan perbuatan mencambahkan; → **kecambah.**

cambai; ~ *batu* sj tumbuhan (pokok), *Polychroa javanica;* akar ~ hantu sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kemunting (bukit), senduduk halus, *Anplectrum divaricatum.*

cambang bulu atau rambut di pipi, jambang, tali tudung; ~ *bauk* cambang dan bauk;

bercambang mempunyai cambang, memakai cambang; **jambang II.**

cambuk 1. tali yg bertangkai utk menyebat, menggertak binatang, dsb, cemeti, sambuk; **2.** ki penggalak, perangsang: *penghinaan yg biasa didengarnya dr mulut orang di Ambon telah menjadi ~ baginya akan menyelidiki suku bangsanya yg asli itu sedalam-dalamnya;*

mencambuk 1. menyebat dgn cambuk; **2.** ki mengerah agar menurut (bekerja dll);

pencambukan perihal (perbuatan, tindakan dsb) mencambuk.

cambung Mn mangkuk besar bekas mengisi gulai (nasi atau buah dll).

camca C sudu.

camdik sindir.

camik Tr mencampuri urusan orang lain: *tidak baik kita ~ urusan orang lain.*

campa; *harimau* ~ harimau koreng yg garang dan berbahaya.

campadang 1. sj tumbuhan (pokok), *Triumfetta pilosa*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Triumfetta bartramia (rhomboidea)*.

campah tawar, hambar; ~ *cahang* terlalu tawar, tawar hambar.

campak I buang, lempar;

~ *batu* ki meninggalkan sesuatu tempat buat selama-lamanya; ~ *buang* a) membuang barang sesuka hati; b) tidak menghargai sesuatu barang; c) lembing yg dibuat drpd kayu; ~ *bunga* sj permainan kanak-kanak; *umpamanya orang ~ bunga, dibalas ~ tahi* prb perbuatan yg baik dibalas dgn yg jahat;

mencampak membuang, melempar; ~ *wang* menaburkan wang utk orang miskin;

mencampakkan melemparkan, membuang: *semuanya kelihatan ~ panah masing-masing ke tanah; ia tidak sedar lagi lalu ~ dirinya dr atas pohon itu;*

tercampak 1. terlempar, terpelanting: *ia pun ~ di atas tanah*; **2.** sampai ke tempat yg jauh (terasing), terbuang: *mereka sekarang ~ ke sebuah pulau yg kecil dan terpencil.*

campak II sj penyakit berjangkit yg menyebabkan penghidapnya demam dan bintil-bintil merah tumbuh pd kulit.

campang I; bercampang; ~-*camping* cabik-cabik: *baju kertasnya itu bercabiran diterbangkan oleh angin, berkeping-keping ke sana ke mari ~-camping.*

campang II; mencampang mengayuh perahu di haluan.

campian bp johan, juara.

campin 1. pantas, tangkas, handal: *pemain bola yg ~*; **2.** cekap, bijak, mahir, pandai: *seorang peguam yg ~*.

camping; *compang*-~ koyak-koyak, cobak-cabik; □ → **compang**.

campung I penggal (hujung sesuatu), kudung;

mencampung memenggal atau memancung hujung sesuatu, mengudungkan.

campung II Mn □ → **campung II**.

campur 1. = **bercampur** bergaul (berbaur, bersatu, beraduk, berkacau) dlm satu kumpulan; *logam ~* dua atau lebih jenis logam yg disatukan; **2.** (dlm ilmu hisab) ditambah kpd atau disatukan dgn (angka yg dinyatakan): *dua ~ tiga, jumlahnya lima; kira-kira ~ kira-kira* yg menyatukan dua angka atau lebih supaya menjadi satu jumlah;

~ *bicara* = ~ *mulut* masuk campur (dlm hal orang dll); ~ *tangan* a) mengambil bahagian dlm atau memasuki hal orang (kejahatan dll); b) terkait atau terlibat dlm hal orang dll;

bercampur 1. bergaul (berbaur, berkacau, dll) menjadi satu: *asid ini banyak ~ dgn air*; **2.** bp (bkn pasangan suami isteri) bersama dlm hubungan suami isteri: *ia ~ dgn Rusiah baru tiga musim*; **3.** berkawan, bergaul: *wanita Cina itu sudah lama ~ dgn orang Melayu*;

~ *bicara* = ~ *mulut* masuk campur dlm (hal orang dll); ~ *dgn rata* bergaul dgn betul-betul sehati; ~ *gaul* bergaul, bermesra, bersahabat dgn; ~ *kasih* berkasih-kasih, cinta-mencintai; ~ *tangan* campur tangan;

~ *dgn orang pemaling, sekurang-kurangnya jadi pencecak* prb bercampur dgn orang jahat, kalau tidak banyak, sedikit pun akan menjadi jahat juga; *minyak dgn air adakah ~* prb orang baik kalau bercampur dgn orang jahat tidak akan menjadi jahat;

bercampuran bercampur-campur, bercampur aduk;

mencampuri **1.** menokok (menambah) sesuatu supaya bercampur: *susu itu jangan dicampuri air*; **2.** bercampur dgn: *benda apa yg ~ gulai ini hingga sudah tidak sedap lagi?*; *emas yg sudah dicampuri logam*; **3.** turut campur dlm sesuatu urusan (hal orang dll): *negeri-negeri mempunyai kuasa memerintah dan membuat undang-undang yg tertentu dgn tidak dicampuri oleh pemerintah pusat*; **4.** bergaul (bersama) dgn: *golongan penjajah tidak pernah ~ anak negeri*; **5.** mengadakan hubungan kelamin: *semasa dlm ihram suami tidak boleh ~ isteri*;

mencampurkan **1.** menggaulkan (supaya menjadi satu), menjadikan bercampur: *kedua-dua jenis tepung itu dicampurkan*; **2.** menjadikan bercampur dua atau lebih benda (hal): *jangan dicampurkan barang itu*; **3.** menghubungkan atau mengaitkan: *saya tidak ada perhubungan dgn pemerintah, tidak ada niat saya ~ nya*; **4.** menaruh atau memasukkan (benda lain) sehingga sesuatu itu tidak asli atau tulen lagi;

tercampur sudah bercampur, tergaul, terkacau;

campuran **1.** sesuatu yg bercampur; **2.** benda-benda yg dicampurkan atau utk dicampurkan; **3.** gabungan, sebatian;

percampuran **1.** perihal bercampur atau bercampur aduk: *walau bagaimanapun, ~ antara ciri-ciri budaya tradisional dgn ciri-ciri moden tetap berlaku dlm hidup masyarakat di mana-mana*; **2.** pergaulan: *dia sudah mabuk kepayang akibat ~ yg terlalu bebas itu*; **3.** perkongsian (pergaulan) hidup suami isteri: *ia dapat menyatukan jiwa Barat dan Timur dlm ~ nya dgn isterinya itu*; ~ tangan perihal turut campur tangan;

pencampuran proses mencampuri atau mencampurkan sesuatu kpd sesuatu yg lain: ~ *kedua-dua bahan ini akan meninggalkan kesan.*

campur aduk sangat beraduk, campur baur;

bercampur aduk sudah bergaul (berkacau, berbaur, dll) betul, bercampur (bergaul dll) dgn tidak berketentuan;

mencampuradukkan menjadikan bercampur aduk: *filem Melayu itu kerap dicampuradukkan dgn pelbagai rupa kebudayaan; kadang-kadang mereka ~ penggunaan istilah 'Melayu' itu dlm konteks politik yg berbeza.*

campur baur □ campur aduk;

bercampur baur bercampur aduk;

mencampurbaurkan mencampuradukkan.

camuk I Mn tikam, amuk;

mencamuk menikam, mengamuk.

camuk II; bercamuk tidak teratur, bersepah-sepah, berselerak: *kain baju di dlm almari itu ~ ditariknya;*

kecamukan keadaan tidak teratur, kecelaruan: *persoalan tersebut menimbulkan ~ dan ketidaktentuan dlm sistem perkhidmatan.*

camur; mencamurkan menghamburkan (menaburkan ke mana-mana).

can I bp peluang, harapan, kesempatan baik: *aku tak kasi ~ kpd si Murad tu.*

can II = bercan bp bercinta, berkasih: *sedang anak tuk penghulu tidak berani ~ dgn anaknya, ini pula saya, sekolah Melayu sahaja.*

cana sj tumbuhan (pokok), merbatu layang, merjagung, sauh hutan, songkok harimau, *Parinanium corymbosum (griffithianum).*

canai; *batu* ~ batu yg digunakan utk mengasah sesuatu, batu asah; ~ *fikiran* sesuatu yg menambah pengetahuan atau memajukan fikiran (spt buku, pendapat, dll);

mencanai **1.** mengasah sesuatu dgn batu canai; **2.** melicinkan, meratakan, mengilatkan; **3.** menggelek (adunan kuih) supaya rata dan nipis: ~ *pastri*; **4.** membentuk, mengacu, menyesuaikan, menyelaraskan: *undang-undang baru ini telah dibuat utk membolehkan kerajaan ~ surat-surat khabar supaya bersesuaian dgn demokrasi terpimpin; spt dicanai rupanya prb cantik atau elok rupanya;*

tercanai sudah dicanai (dibentuk, disesuaikan): *perkara ini ~ menjadi suatu penjelmaan yg tersendiri;*

canaian **1.** perihal mencanai; **2.** sesuatu yg telah dicanai; **3.** ki latihan;

pencanai **1.** orang yg kerjanya mencanai (mengasah), pengasah; **2.** alat utk mencanai (menggelek adunan kuih): *papan ~.*

canak ark; **mencanak** mencuar, tegak memanjang.

canang gong kecil (utk memberi alamat, menyerantakan, dll): *baginda bertitah menyuruh titir ~ pemanggil;*

mencanangkan **1.** mengumumkan kpd orang ramai (dgn memukul canang dll), menyerantakan; **2.** menceritakan ke merata-rata tempat, mengheboh-hebohkan: *kanak-kanak di kampung itu berlari ke sana sini ~ kejadian itu;*

pencanang orang yg mencanangkan sesuatu (berita, kejadian, dsb).

canar; ~ *babi* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar banar, akar semenjuh, banar babi, a) *Smilax helferi*; b) *Dioscorea spp.*; ~ *bokor* (*gede, gengge, minyak*) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar banar (kelona, berunuh, lampu bukit), *Smilax megacarpa*.

cancang I tercacak, terdiri tegak lurus, mencuar.

cancang II Mn cencang.

cancang III Jw; **mencancang** menambat.

cancut Jw; **bercancut** menyingsingkan lengan baju atau kain (bersiap utk melawan, bekerja, dsb);

mencancutkan menyingsingkan lengan baju atau kain.

canda I 1. kelakuan; 2. Jk gurauan, kelakar; 3. Mn rupa: *pernahkah aku melakukan yg buruk rupanya dan salah ~nya?*

bercanda 1. berkelakuan, bertingkah; 2. Jk bergurau, berkelakar: *dia turut ~ dan bergurau hanya sekadar perlu.*

canda II; *tak* ~ tidak peduli, tidak endah, tidak hirau.

canda III; ~ *peti* sl sj peti atau kotak tempat menyimpan wang (barang-barang kemas dll): *suatu pun tiada pusaka beta tinggalkan akan dia melainkan emas empat buah ~ peti.*

canda IV sl sj tombak pendek.

candak tarik (tali kail).

candal 1. buruk, hina, jahat; 2. janggal: ~ *rupanya.*

candan I 1. sj tumbuhan (pokok), *Aquilaria hirta*; 2. sj tumbuhan (pokok renek), *Wikstroemia candolleana*.

candan II □ → **kecindan**.

candang; *berani* ~ terlalu berani.

candat 1. sauh yg bercabang banyak; 2. sj serampang utk menikam sotong (ikan); 3. sj kail yg banyak matanya;

mencandat menangkap sotong dgn candat: ~ *sotong.*

candawara rancangan (televisyen, radio dsb) berbentuk permainan yg dipertandingkan yg memerlukan peserta menjawab, membuat sesuatu dsb utk menang.

candelier (candélier) lampu gantung hiasan yg mempunyai banyak cabang mentol atau lilin, jurai-jurai kaca, dsb.

candi I bangunan purba yg dibuat drpd batu (tempat orang Hindu atau Buddha menyembah berhala, menyimpan abu mayat, dll).

candi II suka bercanda, keracak.

candik I sl gundik yg lebih rendah kedudukannya drpd gundik biasa.

candik II sj jaring utk menangkap ikan.

candik III sj burung.

candik IV Kd menyindir.

candit sesuatu yg lentik dan lebar hujungnya (sauh, pemetik senapang, dll).

candu 1. sj bahan yg disediakan drpd biji bunga popi (boleh digunakan secara terkawal utk menghilangkan rasa sakit atau menyebabkan tidur tetapi berbahaya apabila digunakan secara tidak terkawal sbg dadah utk mengkhayalkan diri dsb); ~ *mentah* candu yg belum dimasak atau diproses sehingga sedia utk digunakan; **2.** = ~ *rokok* cecair yg pekat hitam yg keluar dr rokok atau lubang paip yg dihisap; **3.** = **mencandu** ketagih (suka, gemar) akan sesuatu: *apabila sudah termula, payah hendak meninggalkan ~ rokok ini; sejak orang ~ merantau ini, hidup berfamily cara dahulu menjadi rosak binasa; spt orang pemakan ~, dgn ~ sampai mati prb sesuatu kebiasaan itu payah hendak dihentikan;*

mencandu 1. spt candu (lekat-lekat); **2.** ada candunya: *paipnya tak pernah dibersihkan hingga ~;*

mencandui 1. menjadikan ketagih (gemar, asyik): *kalau saya tidak dicandui oleh keinginan utk jadi wartawan, tentulah saya tidak lekas-lekas meninggalkan bangku sekolah;* **2.** meracuni, memperdayakan, menipu: *bukan maksud kami hendak ~ rakyat;*

kecanduan ketagihan: *lagu Mera Bolbol telah menjadi lagu pujaan mereka yg ~ filem-filem Hindustan;*

pencandu 1. penghisap candu; **2.** ki penggemar, peminat.

candung sj parang yg mata dan hulunya berpadu dan dibuat drpd besi.

cang I bunyi kuat dan tinggi (spt bunyi kereta api).

cang II sj kuih berupa nasi yg dibungkus dgn daun buluh.

cang III sj jaring utk menangkap ikan, tangkul.

cang IV 1. tegang, cekang (bkn tetek yg berisi susu); **2.** cukup besar (bkn buah).

cang V menunggang (kuda dll).

cang VI kata seru gembala gajah (menyuruh gajah mengangkat kaki).

cang VII genting tempat memerangkap babi.

cangah Mn; mencangah, tercangah terbuka luas, terlopong.

cangak I; mencangak melihat dgn memanjangkan leher dan mengangkat muka;

tercangak-cangak melihat ke sana sini dgn tidak tentu arah.

cangak II Jw sj burung bangau.

cangak III Pl cucuk rambut, pin rambut.

cangal sj tumbuhan (pokok), pelawan, *Tristania whiteana*.

cangap 1. cabang pd hujung galah (kayu dll); **2.** takuk pd hujung atau pangkal galah (batang dll).

cangcang Jk; mencangcang menambat(kan).

cangerai nasib tidak baik, sial; *buang* ~ buang sial.

cangga □ → **cenangga**.

canggah I 1. galah (besi, kayu, dll) yg hujungnya bercabang (digunakan sbg senjata, utk mengait, dll); **2.** dahan yg bercabang dua;

bercanggah 1. memakai canggah; **2.** bercabang; **3.** = **bercanggahan** bertentangan (pendapat, perkara, keputusan, dll): *kenyataan yg dikeluarkan itu ~ dgn pendapat mereka; pemakaian bahasa setengah-setengah penulis ~ dgn tatabahasa;*

mencanggah menjalankan perahu dgn canggah;

mencanggahi berbeza drpd, bertentangan dgn: *maklumat itu ~ kesahan dasar itu;*

percanggahan perihal bercanggah (pendapat dll): ~ *pemikiran tentang konsep ketuhanan.*

canggih II cucu kpd cucu.

canggih III Kl pergi (ke sesuatu tempat) dgn susah payah.

canggih 1. kuku (jari tangan) yg dibiarkan panjang; **2.** kuku yg dibuat drpd emas atau perak utk hiasan jari (dlm tarian dll).

canggih; ~ *puteri* sj tumbuhan (pokok), kedi, leban condong, melampai bukit, mengkedi, *Engelhardtia nudiflora*.

canggih I terlalu banyak bercakap.

canggih II 1. moden dan kompleks (alat), sofistikated: *walau bagaimanapun ~ peralatan yg dipunyai oleh sesuatu badan, selagi yg mengerjakannya tidak menguasai bidang yg mahu diusahakan, maka selagi itulah timbul kesalahan;* **2.** hebat, menarik, moden (bangunan, pakaian, dll): *Liyana kelihatan begitu ~;* **3.** tugas dgn berkesan, sesuai dgn perkembangan masa: *wanita ~;*

mencanggihkan menjadikan seseorang atau sesuatu (teknologi, peralatan, pakaian, dll) canggih;

kecanggihhan perihal (sifat, keadaan, dsb) canggih: ~ *senjata-senjata moden sangat dikagumi oleh banyak pihak;*

pencanggihhan perbuatan mencanggihkan sesuatu: *peluasan dan ~ jurnalisme berbahasa Melayu.*

canggit; *conggang-~;* → **conggang.**

canggu □ → **cagu.**

canggung I 1. kurang biasa atau kurang senang menggunakan (melakukan) sesuatu, kekok, kaku, janggal: *dr kecil lagi dia diajar menari, sebab itulah apabila dia menari, tidak ~ nampaknya;* **2.** berasa kurang senang (tidak bebas), segan-segan atau malu-malu (kerana tidak biasa bercampur atau tidak tahu adat resam orang): *anak raja itu terasa serba kekok dan ~, tidak tahu apa yg hendak dibuatnya;* **3.** kurang elok atau sempurna (pd pandangan atau pendengaran), tidak kena pd tempatnya, agak janggal: *bahasa*

*karangannya begitu ~ hingga tidak dapat disiarkan; kenalanku ada yg cantik dan tidak akan ~ jadi isterimu; 4. serba kekurangan (bkn kehidupan, pengetahuan, dll): bagaimana aku dapat hidup senang, kalau serba ~ spt ini; 5. = **tercanggung** Mn a) berasa sepi (kerana tidak berteman dll); b) kurang senang (kecewa dll): hendaklah diusahakan supaya pembeli jangan ~; ~ bagai antan dicungkilkan duri prb perbuatan yg bukan-bukan, tidak kena pd tempatnya;*

kecanggungan 1. perihal canggung (kekok, kaku, janggal), kekokan, kekakuan, kejanggalan; 2. perihal canggung (segan-segan atau malu-malu): *~nya jelas pd gerak-gerinya*; 3. perihal canggung (kurang elok atau sempurna pd pandangan atau pendengaran): *~ bahasanya memperlihatkan keketatan pengetahuannya tentang tatabahasa bahasa Melayu.*

canggung II dahan atau batang kayu mati yg timbul tenggelam di air; *bagai kera dapat ~ prb tidak renggang-renggang dr tempat menerima pertolongan.*

canggung III sj lagu dan tarian (di utara Malaysia).

canggung IV sj alang tempat (ayam dll) bertenggek.

cangip; *cungap*~tercungap-cungap, termengah-mengah.

cangit; *congak*~mendongak dan menundukkan muka berkali-kali; □ →

congak II.

cangkaliwang; **bercangkaliwang** berkeadaan serabut, tidak keruan: *ingatannya dlm perjalanan itu ~.*

cangkang I menjawab dgn keras dan biadab apabila dimarahi.

cangkang II ark kulit telur.

cangkat 1. bukit kecil, anak bukit; *~ sama didaki lurah sama dituruni* prb sama-sama merasai kesusahan atau kesenangan; 2. (bkn air) tidak dalam, cetek, tohor.

cangkau □ → **cengkau**.

cangkel (cangkél) Jk (ter)sangkut;

mencangkelkan menyangkutkan, menggandingkan.

cangkelong I Jw; *pipa* ~ paip tembakau; ~ *candu* penyedut utk menghisap candu.

cangkelong II Jw sj beg yg boleh disangkutkan di bahu.

cangkerang 1. kulit luar yg keras (pd kerang dll); **2** Jk selongsong (lampu baterai dll).

cangkering sj tumbuhan (pokok yg akarnya dibuat ubat beriberi), *Erythrina fusca*.

cangkih; ~-*mangkih* = *congkah*-~ tidak teratur (rata dll); □ → **congkah**.

cangking; **mencangking** mengangkat sesuatu ke atas dgn dua belah tangan sambil berjalan, menjinjing.

cangkir I cawan; ~ *piring* a) cangkir dan piring; b) barang-barang tembikar.

cangkir II jari cakar yg di belakang (burung, ayam, dll).

cangkriman Jw **1.** teka-teki; **2.** penerka.

cangku broker; □ → **cengkau**.

cangkuk I = pencangkuk 1. sesuatu yg melengkung spt kait (gancu dll):

buatlah ~ pd dawai itu supaya dapat disangkutkan; **2.** alat utk mengancing baju yg dibuat drpd besi kecil yg dilengkungkan;

bercangkuk memakai cangkuk;

mencangkuk mengenakan cangkuk, mengait: *habislah segala tubuhnya dicangkuk oleh sekalian onak dan duri*;

mencangkukkan mengaitkan: ~ *mata taut pd belakang rusa itu*;

tercangkuk terkait.

cangkuk II = cangkukan 1. dahan kayu yg dibalut supaya tumbuh akar utk ditanam; **2.** ki palsu;

mencangkuk menjadikan dahan berakar dgn membalutnya dgn sabut berisi tanah, mengetut.

cangkuk III sj ubat drpd bunga yg dikeringkan.

cangkuk IV Mn pekasam ikan.

cangkul alat utk memecahkan (menggemburkan dll) tanah, pacul: ~ *burung Ph linggis* (alabangka); *menjual tangkai ~ sekah* prb menceritakan (membualkan) hal yg tidak ada kebenarannya;

mencangkul 1. memecahkan (menggemburkan dll) tanah dgn cangkul, memacul; **2.** ki membolot (mengambil) sesuatu (wang, harta, dll): *agen-agen gelaplah yg ~ wang; ~ angin* mengomong-omong kosong.

cangkum; mencangkum merangkum, memeluk.

cangkung; bercangkung, mencangkung duduk dgn kaki berlipat tetapi punggung tidak mencecah lantai, bertinggung.

cangkup; mencangkup memakan dgn memasukkan atau melemparkan makanan ke mulut dgn tangan.

canguk; mencanguk, tercanguk duduk (berdiri dll) dgn kepala dan leher tertunduk ke depan; **languk.**

cangut menonjol dlm keadaan menghereng (spt hulu keris yg terselit di bengkung).

canseleri 1. pejabat canselor; **2.** bangunan yg menempatkan pejabat canselor.

canselor 1. ketua kehormat sesebuah universiti; *naib* ~ ketua eksekutif atau ketua pentadbir sesebuah universiti; **2.** ketua kerajaan di beberapa buah negara Eropah (spt Jerman, Austria, dll).

cantas; bercantas (telah) dicantas: *pokok-pokok hiasan yg sudah ~ itu kini kelihatan lebih kemas;*

mencantas 1. memangkas atau memancung (hujung dahan, kepala, dll); **2.** ki memotong atau mengurangkan sesuatu (spt perbelanjaan)

yg tidak perlu atau berlebihan: *perbelanjaan yg tidak perlu terpaksa dicantas kerana kurangnya pendapatan yg dijangkakan pd tahun depan*; **3.** ki mengeluarkan atau menggugurkan sesuatu drpd senarai tertentu: *namanya dicantas drpd senarai pemain bola sekolah*;

tercantas 1. dicantas dgn tidak sengaja, terpangkas: *banyak anak pokok durian di dlm semak itu yg ~ semasa kerja menebas dibuat*;

2. ki dikeluarkan atau digugurkan drpd senarai (kumpulan, pasaran dsb): *namanya ~ drpd senarai peserta yg terpilih*;

cantasan hasil mencantas;

pencantasan proses (perbuatan, kerja dsb) mencantas: *~ pokok pagar itu baru sahaja selesai*;

pencantas 1. orang yg mencantas; **2.** alat utk mencantas sesuatu (ranting, kayu dll).

cantel (cantél) Jw; *jarum (peniti) ~ jarum penyemat*;

mencantelkan menyangkutkan;

cantelan tempat menyangkutkan sesuatu, sangkutan.

cantengan Jw sj penyakit pd hujung jari.

canterik Jw murid pendeta, pengikut.

cantik I sangat menarik apabila dipandang (bkn orang perempuan, rupa muka, bangunan, benda, pemandangan, dll), sangat elok (bagus, molek): *gadis yg ~; barang-barang perhiasan yg ~; bagaimanapun ~nya satu-satu rancangan, tidak akan berjaya jika tidak diturut kehendak rancangan itu dgn ikhlasnya*;

bercantik-cantik menghias muka supaya cantik, bersolek;

mencantikkan menjadikan cantik;

mempercantik menjadikan makin cantik;

kecantikan perihal cantik, keelokan (rupa muka, benda, dll), kemolekan, keindahan;

pencantik yg menjadikan (kelihatan) cantik, yg mencantikkan:
*cairan ~ yg luar biasa ini tersedia di toko-toko farmasi dan gerai-
gerai solek.*

cantik II Mn biang, gasang, gatal.

cantil layar kecil bersegi tiga (pd kolek).

canting I 1. alat drpd tembaga yg digunakan sbg bekas lilin cair utk melukis corak pd kain; ~ *cap* alat utk mencetak kain; **2.** pencedok kecil (utk mencedok minyak dll); **3.** pencedok air (dibuat drpd buluh dll).

canting II batu pemberat pd sauh (utk menambahkan berat sauh).

canting III; canting-canting conteng-conteng.

cantis; cantis-cantis conteng-conteng.

cantol Jw kait, pengait;

mencantol, mencantoli mengait (pd), menyangkut (pd).

cantum; bercantum 1. bertaut semula (spt luka yg sudah baik dll); **2.** bertemu dan melekat atau bersambungan (spt zip, bulu ayam, dll); **3.** bergabung, bersambung: *tiap-tiap kawasan ~ dgn kawasan yg di sebelahnya*; **4.** ada memuat atau berisi (karangan dll); *carik-carik bulu ayam lama-lama ~ juga* prb perkelahian sesama saudara itu akhirnya berbaik juga;

mencantum 1. menemukan (merapatkan, melekatkan) supaya bercantum; **2.** menyemat (dgn jarum dll); **3.** memindahkan (menumbuhkan) mata tunas suatu pokok pd pokok lain (utk mendapat pokok yg lebih baik);

mencantumkan 1. merapatkan (benda atau hal) supaya bertaut (melekat, bersatu, dll), memautkan, melekatkan, menyatukan, memadukan, menempelkan; **2.** menyematkan (dgn jarum, pin, dll); **3.** menikamkan: *dicantumkannya keris pusaka itu pd dada terus ke belikat*; **4.** memasukkan atau menyertakan (dlm majalah, acara,

dll): *nama peserta-peserta mesyuarat itu telah dicantumkan dlm surat edaran;*

tercantum **1.** sudah dicantumkan; **2.** termasuk atau termuat (dlm majalah, acara, dll); **3.** tersemat atau terkandung dlm hati (cita-cita dll);

cantuman **1.** = **percantuman** perihal bercantum, pertemuan, pertautan, pergabungan, perpaduan, penyatuan: *aku akan terus berjuang utk ~ Singapura dgn Tanah Melayu;* **2.** = **percantuman** perihal mencantumkan bahagian-bahagian yg berlainan menjadi satu (motokar dll); **3.** barang apa yg dicantumkan atau utk dicantumkan: *biasanya barang-barang ini digunakan hanya sbg ~ yg tidak kekal;* **4.** perihal memindahkan (menumbuhkan) mata tunas suatu pokok pd pokok lain.

cantung → **centung.**

cap I **1.** alat utk menurunkan bekas atau kesan tanda (tandatangan, nama, dll) dgn menekankannya di atas kertas (surat dll), tera: *~ ini dibuat drpd getah;* **2.** cetak, cetakan; *huruf* ~ huruf cetak (bukan huruf tulisan); *kain* ~ kain yg dicetak (tidak dibatik); *tukang* ~ tukang mencetak buku; **3.** bekas atau kesan (tanda, gambar, tandatangan, dll) yg dibuat dgn cap: *tiap-tiap surat perjanjian itu mesti ada ~ pegawai daerah, barulah boleh diterima;* **4.** tanda yg berupa gambar dll (utk barang dagangan dll): *Datuk Ujang menghulurkan sebatang cerut ~ ayam;* **5.** ki ciri, sifat (keadaan, watak, dll); *dgn demikian kelihatan ~nya keadaannya yg sebenarnya;* *~ batu* cetakan yg dibuat dgn batu, litograf; *~ dagang(an)* tanda (gambar, nama, dll) yg digunakan dlm perdagangan (pd barang-barang dll); *~ jari* bekas tekanan jari (utk ganti tandatangan atau utk mengenali orang yg memiliki jari itu); *~ kempa* sl tera (cap) diraja kerajaan Melayu; *~ mohor* a) cap kerajaan (tera kerajaan):

Sultan Johor telah mengurniakan ~ mohor kpd Raja Melewar; b)
cap pd mata wang;

mengecap 1. membubuh atau menaruh cap, menjadikan bercap; **2.** mencetak (buku, surat khabar, kain, dll): *surat khabar Utusan Melayu telah ~ berita itu dgn huruf-huruf kasar di muka hadapannya; 3.* memberi bertanda: *bilangan gigi gear itu ada dicap pd gear tersebut; 4.* ki menganggap sbg, menuduh atau menamai: *Amerika sendiri mungkin dicap ingin menguasai Vietnam Selatan; kita boleh ~ dia sbg “sasterawan nakal”;*

cap-mengecap segala usaha cetakan, cetak-mencetak;

mengecapkan menerakan, mencetakkan;

pengecapan 1. ark perihal (perbuatan, kerja, dll) mengecap(kan);
2. percetakan; **3.** perusahaan cap-mengecap, pencetakan.

cap II sj ukuran besar kira-kira secekak (ibu jari bertemu dgn hujung salah satu drpd jari lainnya).

cap III bunyi orang makan atau mengunyah makanan, atau bunyi orang (binatang) berjalan di lumpur.

cap IV; mengecap mengocok (daun terup), menggaul.

capa I sj tumbuhan (herba yg boleh dibuat ubat), capu, sembung, *Blumea balsamifera*.

capa II sj permainan judi.

capah I Mn cakah;

mencapah 1. berpecah drpd suatu tumpuan lalu berserak ke berbagai-bagai arah yg berlainan (bkn sinar cahaya, pemikiran dll);
2. menjadi semakin lebar atau besar bukaannya apabila semakin ke hujung atau ke hadapan (bkn bukaan kaki, jari kaki, jari tangan dll): *jari-jari tangan dan kakiku ~ ke hadapan;*

pencapahan perihal atau proses mencapah.

capah II bekas bulat spt dulang (dibuat drpd kayu); **capar.**

capah III meja bundar kecil yg boleh berputar, digunakan utk menempa atau melagang, meja tempa.

capah IV sj tumbuhan (pokok), cempening, kasap, pecah periuk babi, tapak kerbau, *Clerodendron villosum*.

capai I; mencapai 1. hendak memegang atau mengambil (dgn menghulurkan tangan dll); **2.** bertemu dgn, sampai ke: *Jerman berusaha menghalang bahan-bahan perbekalan dan alat-alat perang ~ Army ke-5; ia bernasib baik dapat meneruskan pelajarannya sehingga ~ tingkatan lima;* **3.** mendekati, memikat (hati dll): *dgn bahasa Belanda, kami tidak lekas ~ jiwa manusia yg bersahaja itu, tetapi dgn bahasa Melayu lancar sekali;* **4.** menjayakan (harapan, rancangan, tujuan, dll), menghasilkan, menjadikan kenyataan (sesuatu matlamat dll): *ia terpaksa memberanikan hatinya utk ~ cita-cita itu;* **5.** mendapat (memperoleh, menghasilkan) sesuatu menerusi usaha: *bagi ~ pengeluaran yg sebanyak itu, kita harus melipatgandakan bilangan buruh;*

tercapai (sudah) dicapai, sudah sampai (ke), sudah sampai (maksud), terlaksana;

tercapaikan dapat dicapai: *mereka tidak akan ~ maksud aku;*

sepencapai sedapat (sehingga, sejauh) tangan mencapai, sejengkau;

capaian (Komp) proses memasuki ruang simpanan utk menyimpan atau memperoleh kembali data dlm komputer;

pencapaian apa yg telah dicapai (dihasilkan atau diperoleh), prestasi: *Pemuda UMNO harus melihat sama ada ~ orang Melayu sudah sampai ke tahap sempurna atau belum; isi, tema, persoalan novel bukanlah penentu mutlak ~ sesebuah novel.*

capai II; carut~ berbagai-bagai carut; □ → **carut**.

capai III payah, lelah;

kecapaian keletihan; **capek**.

capak I sl tidak mengendahkan (menghiraukan, mempedulikan);

mencapak memandang ringan (mudah, hina, lemah, dll),
mengabaikan: *apa susahnyanya ~ kerja orang*;

tercapak tidak diendahkan, terabai, terbiar.

capak II; tercapak duduk (dgn kaki terkangkang spt menaiki
motosikal): *Pak Pandir duduk ~ pd dahan kayu itu meratah ikan
salai*; → **celapak I**.

capak III Mn; **mencapak, mencapak-capak** mengecap-ngecap (bkn
mulut sewaktu makan); → **cepak**.

capak IV sj tumbuhan (pokok), singa tampu, *Melochia umbellata*.

capal sj selipar yg dibuat drpd kulit dan rupanya seakan-akan selipar
jepun, cerpu.

capang panjang dan melengkung (bkn tanduk atau misai), panjang dan
lebar (bkn telinga).

capar sj pasu (dibuat drpd kayu); → **capah II**.

capati sj roti nipis yg dibuat drpd tepung atta (asalny dr India).

capcai C 1. sj makanan Cina (sayur dll); **2.** bp campur aduk.

capek (capék) Jw penat, lelah; ~ *hati* bersusah hati; **capai III**.

capelin Jw tudung kepala yg tirus bentuknya (dibuat drpd buluh yg
dianyam), capil, caping.

caperon wanita yg lebih tua atau sudah berumur yg menemani atau
mengawasi gadis atau wanita muda dlm sesuatu majlis sosial dsb.

Cap Goh Mei (capgomé) suatu perayaan kaum Cina yg disambut pd hari
ke-15 Tahun Baru Cina: *paluan gendang tarian singa sempena ~
bagaikan silih berganti dgn laungan penyokong parti yg
bertanding*.

capgome (capgomé) → **Cap Goh Mei**.

capik 1. tempang kakinya atau jalannya (kerana cacat kaki); **2.** lumpuh (bkn kaki dan tangan);

mencapikkan menyebabkan capik: *kemalangan jalan raya itu telah ~ kakinya;*

tercapik-capik (berjalan, berlari, dsb) dgn incang-incut (spt orang yg capik kakinya), tertempang-tempang: *dia berjalan ~ selepas tersepak batu itu;*

kecapikan perihal capik: *~ kakinya tidak menghalangnya drpd menyertai perlumbaan jalan kaki itu.*

capil Jw capelin.

caping I 1. penutup yg nipis (spt penutup lubang kunci dll); **2.** penutup kemaluan kanak-kanak perempuan yg dibuat drpd emas atau perak (bentuknya spt daun sirih).

caping II Jw tudung kepala, capelin.

caping III lapik buku lali (dibuat drpd upih dll yg dipakai dlm permainan sepak raga).

caping IV; ~ *kera* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar sesudu bukit, *Hoya diversifolia*.

caping V sj ikan laut, *Caranx carangus*.

capjiki C sj judi yg dimainkan dgn memakai undi dua belas huruf (angka).

caplak Jk **1.** kutu anjing (kucing); **2.** pikat, lalat kuda (kerbau dll).

caplok Jw; **mencaplok 1.** mencakup (spt mulut buaya menangkap makanan), mencengkam; **2.** bp mengambil hak orang (harta, negeri, dll), merampas, merebut.

capoi; ~ *mulut* Kd bercakap lepas-lepas.

capu → **capa I.**

capuk 1. tompok(-tompok) pd sesuatu permukaan (spt pd kulit muka, kain, dll), borek; 2. = **bercapuk(-capuk)** mempunyai (banyak) capuk;

bercapuk, bercapuk-capuk mempunyai atau menampakkan (banyak) capuk (bkn kulit dll), bertanda capuk (bkn kulit, kain, dll): *mukanya bercapuk-capuk akibat sesuatu penyakit kulit; beberapa helai pakaian lembap yg ditimbunkan sahaja semalaman itu ~ di beberapa tempat;*

mencapukkan menjadikan bercapuk atau bercapuk-capuk: *dia ~ kertas putih dgn cat air.*

car Kl limbah, pelimbahan.

cara 1. aturan (sistem, jalan) membuat sesuatu: *kalau sudah tahu ~ menyimpan wang di bank senanglah;* 2. gaya (spt bentuk, fesyen, rupa, dll): *cerita itu banyak mengikut ~ drama Shakespeare;* 3. laku, macam, ragam, seperti: *elok kita selesaikan perkara ini ~ adik-beradik sahaja;* 4. adat resam, keadaan (aturan) yg lazim dilakukan, kebiasaan: *tiap-tiap satunya menimbulkan suatu ~ hidup yg tertentu dan berhubung dgn ini pula terdapat larangan-larangan;* 5. dlm bahasa atau loghat: *bertanya ~ Cina;*

secara 1. dgn cara (jalan dll): *ayah dan ibunya dibunuh ~ kejam; ~ kasar dapat dijelaskan sebabnya;* 2. sebagai, selaku: *hadapilah musuhmu ~ pahlawan;*

cara-cara 1. berbagai-bagai cara; 2. aturan-aturan, contoh-contoh; 3. upacara.

carah Mn; **bercarah** sedikit-sedikit;

mencarah 1. memotong sedikit-sedikit atau kecil-kecil; 2. menjual berpotong-potong;

mencarahkan menjual sedikit-sedikit.

carak I; mencarak 1. kelihatan muncul (bkn matahari); **2.** membuka dan melihat daun terup.

carak II; mencarak 1. meminum air dgn mencurkannya ke mulut; **2.** memakan (menghisap) telur dr kulitnya; ~ *benak* mengambil untung dgn berlebihan, menghisap darah.

carak III Kl tempat yg digenangi air.

caram 1. cincin tanda; **2.** cengkeram, panjar, wang pendahuluan.

caran Mn; **bercaran** bertengkar, berkelahi mulut.

carang I bahagian spt ranting yg melingkar-lingkar yg tumbuh pd batang pokok menjalar (labu, sirih, dll);

bercarang-carang mencuar-cuar, bercerancangan: ~ *spt tanduk rusa*;

mencarang 1. spt carang; **2.** memetik sirih carang.

carang II; mencarang menjadi panas (bkn cahaya matahari).

carat → **carak II.**

carca Kl sj kuih (dibuat drpd pulut atau tepung gandum).

cari 1. bp berusaha utk mendapat (menjumpai dll) sesuatu: *di serata tempat saya ~ tapi tidak bertemu*; **2.** Mn harta milik (pencarian); ~ *bagi* harta pencarian yg dibahagi dua antara suami isteri (sewaktu bercerai);

bercari Mn dicari (bkn persetujuan); *kata dahulu bertepati, kata kemudian kata* ~ prb janji mesti ditepati, hanya boleh diubah apabila sudah dirundingkan;

bercari-cari dicari-cari, diada-adakan, dibuat-buat: *perkara yg* ~;

bercari-carian saling berusaha mencari;

mencari 1. berusaha utk mendapat (memperoleh) sesuatu, melihat ke sana sini dan berusaha supaya menjumpai atau mendapat kembali sesuatu yg hilang atau tidak diketahui mana perginya; **2.**

mengada-adakan sesuatu, sengaja menimbulkan (mengadakan): *dia memang suka ~ gaduh di tempat orang ramai;*

~ *akal (fikiran, jalan)* berusaha mendapat cara utk mencapai tujuan; ~ *bala* = ~ *susah* membuat sesuatu yg akhirnya menyusahkan; ~ *daya upaya* = ~ *ikhtiar* berusaha sungguh-sungguh; ~ *enaknya (senangnya) sahaja* tidak memikirkan susahya (hanya memikirkan enakya sahaja); ~ *fasal* = ~ *gaduh* = ~ *lantaran* = ~ *perkara* = ~ *salah* = ~ *sebab* = ~ *selisih* = ~ *seteru* berbuat sesuatu utk menimbulkan pergaduhan (permusuhan, pertengkaran, dll); ~ *helah (alasan)* memikirkan sesuatu utk dijadikan sebab atau alasan (melakukan atau tidak melakukan sesuatu); ~ *hitungan* menyelesaikan soalan hitungan (kira-kira); ~ *kesalahan* = ~ *salah* berusaha utk mengetahui kesalahan orang; ~ *ketam (burung, udang, dll)* menangkap ketam (burung, udang, dll); ~ *laba (untung, wang)* berusaha (bekerja) utk mendapat laba (untung), berusaha (bekerja) utk memperoleh rezeki; ~ *muka* melakukan sesuatu dgn tujuan mendapat pujian (drpd majikan dll); ~ *nama* berbuat sesuatu (berusaha) utk mendapat nama (sanjungan, kemasyhuran) drpd orang; ~ *punca* berusaha utk mengetahui sebab-sebab (kejadian, perselisihan, dll); ~ *tahu* hendak tahu akan hal sesuatu; *enau ~ sigai* prb perempuan mencari laki-laki;

mencari-cari **1.** mencari dgn bersungguh-sungguh, terus mencari: *dia pergi ke mejanya, ~ sesuatu;* **2.** sengaja mengadakan (helah, sebab, dll), mengada-adakan (hal, alasan, dll);

mencarikan mencari sesuatu utk: *Batin Itam itulah yg amat mengambil berat ~ emak ubat kelat, serta mengubatinya;*

tercari-cari (sedang) mencari dgn sungguh-sungguh, (sedang) giat mencari;

carian sesuatu yg dicari; ~ *bujang* harta yg diperoleh sebelum berkahwin;

pencarian 1. perihal mencari: *tahun 1950 hingga kini adalah sejarah ~ penyesuaian*; **2.** = mata ~ pekerjaan yg dibuat sehari-hari utk penghidupan: ~ *orang di sana menoreh getah*; **3.** pendapatan, hasil pekerjaan: ~*nya yg sedikit menghalang ia menghantar anaknya ke universiti*;

pencari 1. orang yg mencari sesuatu yg abstrak (kebenaran, haluan, dll): ~ *kebenaran ini diumpamakan spt orang buta*; **2.** orang yg mendapatkan nafkah (rezeki dll) utk menyara keluarga: *lelaki dikatakan bekerja sbg ~ nafkah*.

cari gali kegiatan atau usaha mencari bahan galian (minyak, gas, emas dsb) dgn menggerudi jauh ke dlm tanah atau dasar laut: *katanya, nisbah penemuan dlm satu-satu usaha ~ di Malaysia adalah satu penemuan dlm enam usaha ~; borang ini mengandungi butir-butir keluaran dan ~ yg lalu*;

mencari gali berusaha mencari bahan galian (minyak, gas, emas dsb) dgn menggerudi tempat tertentu di daratan atau di dasar laut: *bagi Malaysia, kepentingan strategi ketenteraan dititikberatkan lebih drpd kepentingan ~ minyak*;

pencari gali orang yg kerjanya mencari gali (minyak, emas dsb).

carik I 1. cabik, robek, sobek, koyak memanjang; **2.** = **carikan** cabikan; **3.** helai, keping: *se~ kertas; sirih se~*;

bercarik-carik carik di sana sini, cabik-cabik: *habislah pecah ~ seluar dan baju kertasnya*;

mencarik mencabik, mengoyak;

mencarik-carik mencabik-cabik, mengoyak-ngoyakkan.

carik II Jw jurutulis, kerani.

carik III; *akar ~ puteri* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar keladi enggang, akar puding rimba, lakum laut, *Vitis cinnamomea*.

carik IV; *~ kapan* sj burung hantu, *Strix seloputo*.

caring ark; **mencaring** melanggar (hak).

carta 1. peta yg disediakan utk membantu pelayaran atau penerbangan;

2. helaian yg memberikan maklumat (mis mengenai iklim, kedudukan dan perkembangan perniagaan, struktur organisasi, prestasi kerja, dll) dlm bentuk graf, jadual, atau gambar rajah;

~ alir = ~ aliran (Komp) gambar rajah atau perwakilan grafik yg digunakan utk menunjukkan logik dan urutan sesuatu atur cara komputer, atau utk memaparkan langkah-langkah pemprosesan yg dilakukan; *~ pai* sj gambar rajah atau perwakilan grafik utk memaparkan pembahagian atau pecahan data, maklumat, dll dlm bentuk bulatan yg dibahagi-bahagikan; *~ palang* sj gambar rajah atau perwakilan grafik yg menggunakan jalur yg sama lebar secara menegak atau mendatar utk mewakili maklumat atau data;

mencartakan 1. merakamkan sesuatu maklumat dlm bentuk carta:

~ perubahan suhu setiap dua hari; **2.** ki merangka atau menyusun sesuatu gagasan secara teratur: *penubuhan Umno di Istana Besar Johor pada 11 Mei 1946 menjadi gagasan besar bagi ~ masa depan agama, bangsa dan tanah air;*

pencartaan perihal (proses atau perbuatan) mencartakan: *~ pergerakan harga barang keperluan asas;*

pencarta (Eko) orang yg menggunakan carta tertentu utk menganalisis dan meramalkan pergerakan harga saham atau pasaran saham pd masa hadapan.

carter bp sewa bas, kapal terbang, dll bagi tempoh, tujuan, dan orang tertentu.

cartis pencarta.

cartisme pendekatan dlm analisis sekuriti (saham) yg menggunakan analisis teknikal.

caruh → **ceruh I & II.**

caruk I; mencaruk 1. menoreh pohon (utk mengambil getah, damar, dll); **2.** sl mengupas kulit kayu.

caruk II 1. alur; **2.** ceruk, teluk kecil;

bercaruk berteluk, berceruk: *pantainya yg ~;* → **ceruk I.**

caruk III gelojoh, lahap, rakus;

mencaruk makan dgn gelojoh, melahap, merakusi.

carum = caruman;

bercarum ada carumannya: *biaya tua ~;*

mencarum membuat bayaran atau sumbangan (kpd kumpulan wang bersama spt Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dll): *dia tidak lagi ~ dlm KWSP;*

mencarumkan memasukkan (modal, wang) ke dlm sesebuah syarikat: *dia ~ RM200 sebulan ke dlm syarikat insurans;*

caruman 1. bayaran dr semasa ke semasa (kpd kumpulan wang bersama dll), yuran; **2.** sumbangan bulanan menerusi potongan gaji kpd Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (utk membiayai keperluan selepas bersara); *~ tetap* caruman yg dibuat pd waktu-waktu tertentu (mis pd hujung setiap bulan) dan secara berterusan;

pencaruman perihal (perbuatan) mencarum;

pencarum orang yg mencarum.

carut perkataan yg keji dan kotor (cabul): *perkataan hamun dan maki, ~ dan cabul; ~-capai = ~-marut* berbagai-bagai perkataan yg keji dan kotor;

bercarut, bercarut-carut mengeluarkan perkataan yg keji dan kotor: *sampai beliau ~;* *~ bunggang* Mn mencarut-carut, memaki-maki;

mencarut, mencarut-carut mengeluarkan perkataan yg keji dan kotor, memaki-maki: *kadang-kadang ~ dan meludah;*

mempercaruti memaki-maki orang dgn perkataan yg keji;

carutan (perkataan, kata-kata) yg keji dan kotor, (kata-kata) yg cabul: *penyair menjauhkan kata-kata ~ yg kasar;*

pençarut 1. suka mencarut; **2.** orang yg suka mencarut.

cas I; mengecas menahan dgn kaki atau menyepak kaki orang (utk menjatuhkannya): *orang itu pun rebah apabila dicas ketingnya;*

mengecaskan menjatuhkan dgn menahan (menyepak) kaki orang.

cas II melanggar pantang (larangan).

cas III jumlah tenaga elektrik yg tersimpan di dlm sesuatu, mis kapasitor dsb: *~ elektrik;*

bercas telah dicas: *bateri-bateri yg ~;*

mengecas mengalirkan arus elektrik ke dlm bateri yg lemah utk disimpan supaya bateri lebih kuat dan tahan lebih lama: *~ bateri;*

pengelasan proses atau perbuatan mengecas: *kemajuan teknologi kini membolehkan ~ bateri dibuat sekali lagi atau dua kali sahaja sebulan;*

pengelas alat yg digunakan utk mengecas: *dia mengecas baterinya dgn menggunakan ~ elektrik.*

cas IV Kd, Pn galak dan gelitak (bkn perempuan).

cas V Kd permainan sembunyi-sembunyi (di kalangan kanak-kanak).

casus, casusan bp banyak cakap.

casis 1. rangka yg menyokong badan kenderaan (mis kereta): *nombor ~;*

2. rangka yg padanya terletak bahagian-bahagian elektrik radio, TV, dll.

cat 1. sj cecair berwarna yg disapukan pd dinding dll (utk melindungi permukaannya, menjadikannya kelihatan elok); **2.** sj bahan yg dicampuri cecair, digunakan dlm lukis-melukis;

~ *air* cat yg dicairkan dgn air; ~ *alis* penghitam (kening); ~ *bakar* Id cat yg disemburkan; ~ *batik* Id bahan yg digunakan utk mewarnai kain batik; ~ *bibir* gincu bibir; ~ *minyak* cat yg dicairkan dgn minyak;

bercat memakai cat, diwarnai dgn cat: *sekeping papan ~ biru muda*;

mengecat memberi bercat, mewarnai (permukaan spt dinding dll) dgn cat: *sekaliannya dicat dgn air emas*; ~ *dan menghiasi rumah*;

catan lukisan (dgn cat): *studionya dipenuhi dgn ~ terbarunya*; ~ *minyak* seni lukis (gambar atau lukisan) yg menggunakan cat minyak;

pengecatan kerja (perbuatan dll) mengecat (rumah dll);

pengecat orang yg kerjanya mengecat (rumah, bangunan, dll).

catak I Jw pikat.

catak II Kl; **tercatak** terduduk: *dia rebah ~ sewaktu melompat tadi*.

catak III Kl rendah.

catang I C bekas teko (dibuat drpd rotan).

catang II sj tumbuhan (pokok), cereh rambih, kenidai badak, *Microdemis casearifolia*.

catas → **cantas**.

catat; mencatat 1. menulis atau merakamkan sesuatu (dlm buku dll) utk peringatan (perhatian pd masa hadapan dll): *seorang setiausaha harus dilantik utk ~ minit mesyuarat itu*; *cara-cara utk ~ pengeluaran wang*; **2.** membuat, merintis, memelopori: *hari ini, hari yg paling gembira kerana kita telah ~ sejarah baru*; **3.** mencapai, memperoleh, mendapat (kemenangan, kejohanan, hasil, dll): *ia telah ~ kemenangan dlm pertandingan itu*;

mencatatkan 1. menuliskan atau merakamkan sesuatu (dlm buku, fail, dll) utk peringatan (tatapan pd masa hadapan dll): *Raja Haji*

Yahaya telah ~ cerita rakyat Melayu; tuan rumah itu ~ nama-nama orang yg berderma; 2. mendaftarkan (diri, nama); 3. menuliskan (merakamkan) utk: tolong catatkan saya nama ahli-ahli yg hadir;

tercatat sudah dicatat (tertulis, termaktub): *orang Yahudi sedia mengetahui darihal itu sebagaimana yg ~ dlm kitab mereka;*

catatan yg telah dicatat, peringatan;

~ bawah = ~ kaki keterangan pd bahagian bawah muka surat, nota kaki; *~ harga* keterangan bkn harga barang; *~ jiwa* daftar bilangan penduduk (banci); *~ rapat* Id laporan ringkas bkn apa-apa yg dibicarakan dlm mesyuarat;

pencatatan perihal (perbuatan dsb) mencatat(kan);

pencatat **1.** orang yg membuat catatan; **2.** alat yg digunakan utk mencatat.

catit → **catat**.

catu bahagian (makanan dll) yg ditentukan jumlah atau banyaknya;

bercatu berbuat sesuatu (melaksanakan peraturan) utk membahagi-bahagikan bekalan dan mengehadkan penggunaan sesuatu (biasanya keperluan hidup spt air dan barang makanan);

mencatu **1.** menetapkan (mengehadkan) penggunaan sesuatu: *makanan biasa dicatu dlm keadaan perang;* **2.** membahagi-bahagikan sesuatu dgn jumlah (banyaknya) yg telah ditentukan: *sebelum pergi ke sekolah, anak-anaknya dicatu 20 sen seorang;*

mencatukan membahagikan sesuatu dgn jumlah (banyaknya) yg telah ditentukan atau dgn sedikit-sedikit;

catuan catu;

pencatuan perihal (tindakan dsb) mencatu(kan), pembahagian catu.

catuh sj tumbuhan (pokok), bujang semalam bukit, temuras, *Ardisia oxypylla*.

catuk I; mencatuk 1. mematuk (memagut) dgn muncung atau paruh: *budak itu dicatuk ular*; **2.** mengatuk (melukai, menetak, menakuk, dll) dgn hujung benda yg tajam: ~ *batang getah*; *jangan dicatuk dgn yg tajam, cencang dgn yg majal* prb menasihati orang jangan dgn perkataan yg tajam-tajam, tetapi dgn lembut dan berulang-ulang kali.

catuk II alat menyerupai tukul besi besar yg agak tajam hujungnya (utk memecahkan batu dll).

catuk III; tercatuk duduk dgn kepala tertunduk sedikit: *Puan Maryamah memandang hampir ke setiap wajah yg ~ di hadapannya*.

catuk IV 1. sebanyak isi senduk (tempurung); **2.** sukatan beras (1/8 cupak).

catung → **centong**.

catur I sj permainan utk dua orang, setiap orang menggerakkan 16 buah caturnya mengikut peraturan tertentu di atas papan catur; *buah ~ buah dlm permainan catur*; *papan ~ papan berpetak-petak (64 petak) yg dipakai dlm permainan catur*;

bercatur 1. bermain catur: *leka ia ~ juga dgn Si Kembang Cina*; **2.** bercorak spt petak-petak papan catur: *kain ~*;

mencatur ki menjadikan politik (ekonomi dll) sbg permainan: *kini kita dicatur oleh institusi politik dan negara bangsa yg berbentuk moden*;

mempercaturkan ki memperlakukan siasah (ekonomi dll) spt catur: *yg dipercaturkan ialah orang Melayu Sri Lanka yg sedang mengalami kepupusan identiti*;

caturan sulam yg berpetak-petak;

percaturan **1.** tempat bermain catur; **2.** perihal bercatur (permainan catur); **3.** ki permainan (siasah) politik: *Pakistan memainkan peranan baru dlm ~ politik di Asia;*

pencatur **1.** orang yg bermain catur: *Kejohanan Olimpial adalah medan pertama bagi ramai ~ remaja utk mencipta nama;* **2.** ki orang atau pihak yg mencatur atau mempercaturkan: *beliau menjadi ~ orde keamanan dunia mengikut cita rasa serta kepentingan bangsanya.*

catur **II** (Sanskrit) empat (digunakan dlm kata-kata majmuk): ~ *tunggal;*
~ *wangsa.*

catut **I** **1.** penyepit (utk mencabut janggut dll); **2.** pencabut paku dll, kakaktua;

mencatut mencabut dgn menggunakan catut.

catut **II** **1.** = *tukang* ~ = **pencatut** a) orang yg berniaga dlm pasar gelap; b) orang yg berniaga dgn mengambil untung yg melampau-lampau; **2.** orang yg mencari wang (keuntungan) dgn jalan haram (spt makan suap dll);

harga ~ harga yg lebih tinggi drpd harga rasmi, harga gelap; *politik (tukang)* ~ bp cara-cara atau tindak-tanduk yg bertujuan utk mencari laba dgn sebanyak-banyaknya;

mencatut **1.** berniaga secara gelap, menjadi pencatut; **2.** menjual sesuatu dgn mengambil untung yg melampau-lampau; **3.** menipu, membelit; **4.** mempergunakan nama orang (pangkat, kuasa, dll) utk mendapat keuntungan sendiri;

catutan hasil atau keuntungan yg diperoleh drpd kerja mencatut;

percatutan perihal berniaga secara gelap (tidak sah, haram dll);

pencatutan perihal (perbuatan dsb) mencatut;

pencatut tukang catut.

cau **I** gelaran Siam.

cau II bp pergi, beredar.

cauk caung, cawak.

caul; *kain* ~ a) sj kain halus (asalny dr sebuah bandar di pantai barat India); b) selendang sutera.

caung kempung atau cekung (bkn pipi) kerana tidak bergigi atau kurus, cauk, cawak.

cauvinis 1. bersifat menunjukkan pendirian atau semangat yg keterlaluan (melampau) dlm memperjuangkan kepentingan kaum atau golongan tertentu: *tuduhan ini biasanya kurang tepat dan tidak berasas, malah menimbulkan sikap ~ di kalangan pelbagai kaum*;
2. orang yg menunjukkan cauvinisme.

cauvinisme 1. sikap setia pd negara yg keterlaluan: *mereka bertanggungjawab atas kebangkitan berbagai-bagai bentuk ~ dan sosialisme*; **2.** rasa cinta yg keterlaluan kpd sesuatu (kumpulan, tujuan, tempat, dll).

Caw. kep Cawangan.

cawak I caung, lekuk, cauk; ~ *pipi* lekuk di pipi (lesung pipit);

bercawak berlekuk kecil.

cawak II tali kulit yg dipasang pd leher anjing.

cawan bekas (bulat kecil, biasanya bertangkai) utk minum kopi dll, cangkir: ~ *kopi*; ~ *pinggan* perkakas-perkakas tembikar;

bercawan-cawan beberapa banyak cawan: *sudah ~ air saya minum, tetapi masih terasa dahaga*.

cawang bahagian drpd sesuatu yg lebih besar, cabang; ~ *tenggorok* cabang batang tenggorok;

cawangan 1. bahagian (drpd pertubuhan, persatuan, syarikat, dsb): *persatuan ini tidak dibenarkan menubuhkan cawangan-cawangannya di negeri lain*; **2.** cawang;

pencawang stesen tempat arus (voltan) elektrik yg diterima dr stesen penjana diubah bentuk utk disalurkan kpd pengguna.

cawas pengayuh buluh pd rakit (dipakai di tempat air dalam);

mencawas mengayuh (dgn cawas).

cawat I kain (kulit kayu dll) penutup kemaluan; ~ *besi* sj alat yg dipakai oleh wanita pd zaman dahulu utk menghalang mereka drpd melakukan hubungan seks di luar nikah: *sejak awal abad kedua belas lagi*, ~ *besi telah dimanfaatkan oleh suami yg mencurigai kesetiaan isteri mereka*;

bercawat memakai cawat; ~ *ekor* (bkn anjing) menutup lubang dubur dgn ekor dan dikepit di antara kaki belakang; *sepuluh jong masuk, anjing ~ ekor juga* prb betapa pun kemajuan perubahan yg berlaku dlm negeri, tetapi kita (dia, mereka) tetap spt keadaan yg lama juga;

mencawatkan mengikat (kain dll) menjadi cawat.

cawat II; ~ *udi* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Vitis simplex*.

cawi-cawi sj burung, *Dicrurus spp.*

cawis Jw, sl sedia;

bercawis bersedia: *baiklah yayi Aji kembali ke karangan ~ kerana petang sekarang kakang mulai berjaga-jaga.*

Cd simbol kimia bagi kadmium.

CD-ROM (Komp) kep *compact disc read-only memory* (cakera padat-ingatan baca sahaja).

Ce simbol kimia bagi serium.

cebak; mencebak menggali (tanah, barang galian): ~ *tanah*; ~ *timah*;

cebakan 1. galian; **2.** barang apa yg dicebak, barang galian.

cebar; ~-*cebur* bunyi cebur-cebur di air (berulang-ulang kali).

cebeh (cébéh) pecah atau terpotong sedikit, serpih.

cebek (cébék); **mencebek** membawa sesuatu dgn lengan diluruskan ke bawah, membimbit.

cebelus; mencebeluskan memasukkan ke dlm lubang dll;

tercebelus terperosok.

ceber (cébér); **menceber** mencebik;

menceberkan mencebikkan, mengejek: *mereka bersorak-sorak ~ dia.*

cebet (cébét); **mencebet** membawa sesuatu dgn lengan diluruskan ke bawah, membimbit: *tangannya ~ sebuah baldi.*

cebik; mencebik menyorongkan bibir bawah ke depan (spt orang mengejek atau hendak menangis), menjebik: *dia bertanya mengejek dgn ~;*

mencebikkan 1. menyorongkan bibir bawah ke depan (kerana marah, benci, dsb): *“Ah, bekerja buat apa!” katanya dgn ~ bibirnya; 2.* menghina (mengejek dll) dgn bibir mencebik: *kalau hendak dicebikkan orang, cakaplah macam itu;*

tercebik-cebik mencebik spt hendak menangis: *ia ~ menahan air matanya;*

cebikan hasil perbuatan mencebik, apa-apa yg dicebikkan: *dia bertanya dgn ~ kecil; sebik.*

cebil cebik.

cebir I koyak kecil, carik, cebis; *se~* secarik, secebis.

cebir II → **ceber**.

cebis carik, cebir, serpih; *se~* secebir, secarik;

mencebis mencarik, memotong sedikit;

cebisan barang apa yg sudah dicebis, potongan kecil, serpihan.

cebok (cébok) **1.** pencedok air; **2.** = **bercebok** membasuh punggung (kemaluan) selepas buang air besar (air kecil): *mereka keluar sebentar utk memberinya kesempatan ~;*

mencebok 1. mencedok (dgn cebok, gayung, dll); 2. = **menceboki** membersihkan punggung (kemaluan) selepas buang air besar (air kecil): ~ *punggung adik kecilnya*.

cebol (cébol) orang yg terlalu pendek; *spt si ~ hendak mencapai bulan = si ~ rindukan bulan* prb ingin melakukan (mendapat) sesuatu yg tidak mungkin tercapai; **cabul II**.

cebong (cébong) Jw berudu.

cebur bunyi spt bunyi benda dibuang ke air;

mencebur 1. terjun ke air; 2. membuat bunyi cebur;

menceburi memasuki serta giat dlm (sesuatu bidang kegiatan), melibatkan diri dlm, melibati: *sebahagian besar ahli mahukan koperasi ~ bidang perniagaan yg lebih menguntungkan*;

menceburkan 1. membuang (mencampakkan) sesuatu ke air; 2. menyebabkan termasuk ke dlm sesuatu atau berada dlm sesuatu keadaan (biasanya yg tidak menyenangkan): *ini telah ~ Islam ke dlm proses pensekularan yg tidak masuk akal*; ~ diri a) terjun ke dlm (air dll); b) memasuki atau mencampuri (politik, hal orang, dll): ~ *diri dlm lapangan sukan*;

tercebur 1. termasuk (terjatuh) ke dlm air (telaga dll); 2. termasuk ke dlm (kesengsaraan, kehinaan, persengketaan, dll): *kau orang perempuan, senang ~ ke lembah kehinaan*;

penceburan perihal (perbuatan) menceburi sesuatu bidang kegiatan: *bidang pentadbiran dan pengurusan semakin pesat berkembang dgn ~ para cendekiawan pd masa itu*.

cecadu sj kelawar yg memakan buah;

~ *gajah* sj kelawar, *Cynopterus sphinx*; ~ *gua* sj kelawar, *Eonycteris spelea*; ~ *madu* sj kelawar, *Macroglossus lagochilus*.

cecah I; sececah 1. sekejap, sebentar: *setelah bertutur-tutur ~, Rijnhaard mohon diri akan pulang*; **2.** sedikit, secolek: *bukan hendak banyak, hanya ~ sahaja*;

bercecah sedikit-sedikit, berdikit-dikit;

mencecah kena (sedikit) pd, menyentuh sedikit, mencolek (sambal, kicap, dll): *usap bedak perlahan-lahan menghala ke luar dan ke bawah tetapi tidak ~ garis rambut; ~ bumi menjejak (memijak) bumi; hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah* prb banyak sama-sama banyak dibahagi, sedikit sama-sama sedikit;

mencecahkan mengenakan (menyentuhkan, mencelupkan) sedikit sesuatu pd: *tangannya mematahkan goreng pisang dan ~nya ke piring gula*;

tercecah terkena (tercelup) sedikit, kena sedikit pd: *apabila ~ saja kopi panas itu di lidahnya, dirasanya menjadi bertambah panas hingga air matanya kelihatan tergenang-genang*.

cecah II; ~ merah sj tumbuhan (pokok), *Staurogyne setigera*.

cecair bahan yg cair sifatnya dan dapat mengalir dgn bebas tanpa bentuk tertentu, mis air dan minyak, cairan: *apabila dipanaskan, ais berubah menjadi ~*;

mencecairkan menukarkan bentuk sesuatu (pepejal atau gas) menjadi cecair, menjadikan cecair: *suhu yg sangat tinggi diperlukan utk ~ kaca*;

pencecairan proses mencecairkan: ~ gas.

cecak I belang kecil-kecil atau bintik-bintik: ~~~ *hitam putih pd bajunya*.

cecak II Mn; mencecak 1. mencubit; ~ *tonggak* memulakan memahat tiang rumah dgn mengadakan istiadat; **2.** mencuri, mencopet;

pencecak pencuri, pencopet.

cecap; mencecap **1.** menjilat dan mengemam (mengecap) makanan utk merasa manisnya (masinnya dll): *sebelum disaji, dicecapnya gulai itu*; **2.** ki merasai, menikmati: ~ *kebahagiaan hidup*.

cecar Jk; **mencecar** terus-menerus memukuli (menanyai dll).

cecawi cawi-cawi.

cece (cécé) Jk piut (anak drpd cicit).

ceceh (cécéh) **I** kemaluan kanak-kanak lelaki.

ceceh (cécéh) **II**; **menceceh** bercakap kosong (bkn perkara yg bukan-bukan dll), merepek, mericau: *karang asyik ~ kerja tak siap*.

cecekik sj jerat utk menjerat leher binatang, cekik-cekik.

ceceng (cécéng); **menceceng** lari spt anjing kena pukul → **cenceng**.

cecer → **cecar**.

cecer (cécér) → **cicir**.

cecewe (cecéwé) sj burung, ceketing, cerewit, duit-duit, *Lobivanellus indicus atronuchalis*.

cecincin sesuatu yg berbentuk spt cincin: ~ *kunci*; *selnya kelihatan berbentuk spt ~ apabila dilihat dengan menggunakan mikroskop*.

cecok (cécok) □ → **cekcok**.

cecunguk **1.** (Sunda) lipas; **2.** Id bp mata-mata gelap (pd zaman penjajahan).

cedak Ph sj tudung yg dibuat drpd mengkuang (utk melindungi sesuatu atau seseorang drpd hujan).

cedas Kd, Kl **1.** cepat, cergas, segera; **2.** segar, sihat.

cedera **I** **1.** cacat, cela (sedikit): *tuan hamba, tegur oleh tuan hamba jika ~nya pakaian hamba ini*; **2.** luka (patah tulang dsb): *tiga orang telah ~ dlm kemalangan itu*; **3.** menderita, merana, celaka, rugi: *kena ~ Mn a) didatangi musuh dgn tiba-tiba, digeledah dgn tiba-tiba; b) dianiyai (dicelakakan) orang; c) menderita kerana pekerjaan berat dll*;

mencedera Mn mendatangi (menggeledah) dgn tiba-tiba;

mencederakan menyebabkan cedera (luka, patah tulang, dsb):

mereka telah ~ beberapa orang musuh;

tercedera 1. mendapat cedera (luka, patah, dsb): *ayah Hilmi ~ dlm satu serangan;* **2.** Mn merana;

kecederaan keadaan cedera (luka, patah tulang, dsb): *bermain-main semasa bekerja kerap kali menyebabkan orang lain mendapat ~.*

cedera II pertelingkahan, perselisihan, pertengkaran;

bercedera bertelingkah, berselisih, bertengkar;

kecederaan hal atau keadaan cedera;

percederaan hal bercedera, pertelingkahan, perselisihan, pertengkaran.

cedera III 1. mungkir janji, tidak setia, berkhianat; **2.** pembunuhan (penyerangan dll) dgn tidak berterang-terangan (tipu daya);

mencedera, mencederakan 1. mengkhianati; **2.** membunuh (menyerang dll) dgn diam-diam (tipu daya);

kecederaan khianat, keadaan tidak setia;

pencederaan perihal (perbuatan) mencedera(kan).

cedera IV sl → cendera I.

ceding I (bkn kanak-kanak, pokok, binatang, dll) kecil, kurus, kerdil; ~ *padi* tunas padi.

ceding II Tr melompat-lompat: *jangan ~ di atas lantai licin ini, nanti kamu jatuh.*

cedok (cédok); **mencedok 1.** mengaut atau mengambil dgn senduk (cebok, gayung, dll): ~ *gulai dgn sudu;* **2.** ki mengambil atau meniru (drpd karangan, ciptaan orang lain, dll): *ahli-ahli diminta menghantar ciptaan sendiri dgn tidak ~ karangan orang lain;*

rancangan-rancangan itu divedok drpd rancangan-rancangan yg telah lalu;

cedokan ki yg divedok, hasil mencedok: ~ *dan ikutan drpd falsafah Greek;*

pencedokan perihal atau perbuatan mencedok atau meniru hasil karya (ilmu, idea dsb) pihak lain: *usaha ini mampu menyelesaikan masalah ~ ilmu dr luar;*

pencedok 1. alat utk mencedok; **2.** (ERT) alat seakan-akan sudu bulat yg jeluk, biasanya digunakan utk mencedok aiskrim, tembikai dsb.

cedong (cédong) □ → **cedok.**

ceduk cekung (pipi, mata, dll); *mukanya ~ mukanya cekung (dahi dan dagunya jendul ke depan).*

cedung; mencedung menanam (semula) padi semaian dll.

cef (céf) tukang masak utama di hotel, restoran dsb, ketua jurumasak.

cega (céga); **bercega** berjaga-jaga, berhati-hati;

mencega menjaga, meneliti supaya tidak terperangkap dll.

cegah tegah, halang;

mencegah menghalang (menegah, menolak, dll), mengikhtiarkan supaya jangan berlaku (kena dll): *sentiasa berjaga-jaga ~ gerakan subversif; tidak berjaya ~ peperangan;*

tercegah terkawal (terlarang, terhalang, dll);

cegahan larangan (tegahan dll): *ibunya tidak mendengar ~nya; pakatan yg ada berjaya menjalankan fungsi ~;*

pencegahan perihal (perbuatan dsb) mencegah, penegahan, penolakan, pengawalan (pengawasan): *~ dgn cara kimia;*

pencegah 1. alat utk mencegah; **2.** orang (badan dsb) yg mencegah: *pasukan ~ rusuhan; pasukan kastam bahagian ~ penyeludupan.*

cegak 1. tegak; **2.** ark (bkn badan) gagah, kuat.

cegak (cégak) **1.** kuat dan tangkas, gembira; **2.** sembuh dan segar kembali (drpd sakit).

cegar I aliran air yg deras di sungai (yg dasarnya terdiri drpd batu hampar).

cegar II segar.

cegar III 1. sj burung, *Enicurus leschenaulti frontalis*; **2.** sj burung, kelicap belukar, *Enicurus ruficapillus*; ~ *besar* sj burung, *Enicurus schitacous*.

cegat I; tercegat tertegak, berdiri tegak, terancang: *berdiri ~ bagai patung; kami berdua ~ di tangga itu;*

tercegat-cegat sebentar-bentar berdiri tegak, terdiri-diri: *sejak tadi mereka berdiri ~ menunggu bas.*

cegat II Jk; **mencegat** mengadang (di jalan dll), memegat, menahan;

pencegatan perihal (perbuatan dsb) mencegat.

ceguk teguk.

ceh Tr menyalakan api dgn menggunakan mancis: *tolong ~, aku hendak hisap rokok.*

cek (cék) **I** perintah bertulis kpd bank supaya membayar wang sebanyak yg dinyatakan;

~ *berpalang* cek yg mempunyai dua garis selari (biasanya di sudut kiri sebelah atas muka cek) dan hanya boleh dimasukkan ke dlm akaun pihak yg dituliskan namanya pd cek yg berkenaan; ~ *kembara* cek yg dibeli drpd bank dan boleh ditukar di luar negara utk mendapatkan mata wang asing; ~ *kosong* cek yg amaun atau penerimanya tidak dituliskan tetapi telah ditandatangani oleh pembayarnya; ~ *lambung* = ~ *tendang* cek yg tidak dapat dijelaskan kerana pihak yg mengeluarkannya tidak mempunyai wang yg cukup dlm akaun berkenaan; ~ *luar* cek yg bank

pembayarannya berada di luar kawasan penjelasan bank pelanggan yg menerbitkan cek berkenaan; ~ *luput* cek yg sudah lepas tarikh lakunya; ~ *pembawa* cek yg boleh ditunaikan oleh pembawanya; ~ *tempatan* cek yg bank pembayarannya berada di kawasan penjelasan yg sama dgn bank pelanggan yg menerbitkan cek itu; ~ *terbuka* = ~ *tunai* cek (tidak berpaling) yg boleh ditukarkan kpd wang tunai oleh sesiapa saja yg mengemukakannya kpd bank.

cek (cék) **II** bp memeriksa ada tidaknya atau benar tidaknya (barang, kira-kira, dll).

cek (cék) **III 1.** Kl panggilan pd ayah atau emak; **2.** Pn saya (dipakai oleh orang yg lebih muda apabila bercakap dgn orang yg lebih tua); **3.** Kd, Pn awak, engkau, kamu (dipakai oleh orang tua apabila membicarakan orang muda atau kanak-kanak); ~ *wa* Kl nenek, datuk.

cek (cék) **IV**; ~ *mek molek* Kl sj kuih yg dibuat drpd keledak yg dilenyek, berbentuk lonjong, berisi gula pasir, dan digoreng.

ceka Kl; **menceka** memegang kuat dgn tangan, mencengkam.

cekah = **bercekah** merekah, pecah-pecah (bkn buah-buahan, kulit, dll); **mencekah 1.** = **bercekah**; **2.** memecahkan (dgn mengapit kedua-dua belah tangan): ~ *buah manggis*; **3.** melebarkan (membuka) sudut (kangkang dll), membelah, menguakkan: *cekahlah tulang itu dan dedahkan alat-alat pembiakannya*; ~ *buah durian*.

cekak I ukuran yg besarnya ditentukan oleh lingkaran (bulatan) yg dibuat dgn mempertemukan ibu jari dgn jari lain: *berilah aku sirih se~*; ~ *rambut* alat drpd plastik dsb utk mengikat atau mencekak rambut supaya kelihatan lebih kemas dan terurus; *baju ~ musang* baju yg berleher tinggi; *pinggang se~ jari manis* sebesar yg terpegang oleh ibu jari dan jari manis;

bercekak; ~ *pinggang* memegang kiri kanan pinggang dgn kedua-dua belah tangan;

mencekak 1. memegang sesuatu dgn mempertemukan ibu jari dgn jari tengah (jari telunjuk atau jari-jari lain): *tukang sampan itu pun ~ dayung*; **2.** memegang pinggang, sama ada dgn sebelah tangan atau kedua-duanya; **3.** mencengkam leher dgn kuat: ~ *leher musuhnya*; **4.** menggunakan alat, mis cekak rambut utk menolak rambut ke belakang supaya kelihatan kemas.

cekak II gamak, harapan: *buat saya, tidak ada ~ lagi utk lulus peperiksaan.*

cekak III Mn kelahi;

bercekak berkelahi; **cakak.**

cekal I = ~ *hati* tetap (teguh) hati, tahan menderita, tabah: *hatinya makin bertambah-tambah tetap dan ~*;

mencekalkan; ~ *hati* menjadikan hati cekal, menabahkan hati;

kecekalan ketabahan (keteguhan, ketetapan) hati.

cekal II ark; **mencekal 1.** mencekau; **2.** menangkap (orang, pencuri, dll).

cekam I; **mencekam** mencengkam; □ → **cengkam.**

cekam II tugal (utk membuat lubang sewaktu menanam padi huma);

mencekam 1. menugal; **2.** membuat bonggol-bonggol pd tilam dgn jahitan (supaya tidak melepek).

cekam III sj penyakit pd kuku (kaki).

cekang 1. tegang, kaku (bkn badan, mayat); **2.** terbuka luas: *kedua-dua belah matanya ~ memerhatikan setiap gerak-geri.*

cekap 1. boleh, dapat, mampu, sanggup: *setelah ia ~ berdiri sendiri, keluarlah ia dr rumah itu*; **2.** dapat (berkebolehan) melaksanakan sesuatu (kerja dll) dgn cepat dan sempurna, pandai, mahir: *ada beberapa ekor monyet yg betul-betul ~ bermain tunggang balik; kerja demikian memerlukan pekerja yg tekun dan ~; ia juga cukup*

~ menyempit; **3.** elok, cantik, rupawan: *mahasiswa-mahasiswa suka bercakap-cakap dgn gadis yg ~ itu*; **4.** lekas, pantas, tangkas: *tangan Mawi lebih ~, pantas spt kilat*;

bercekap sl sanggup, berani (mengerjakan sesuatu);

mencekapkan menjadikan (bertambah) cekap;

mempercepat menjadikan lebih (bertambah) cekap;

kecekapan **1.** kesanggupan, kemampuan; **2.** kebolehan melakukan sesuatu (spt kerja dll) dgn cepat dan sempurna, kemahiran, kepandaian (melakukan sesuatu); **3.** kepantasan membuat sesuatu (berfikir dll);

ketidakcekapan perihal (sifat dsb) tidak cekap.

cekar Kl; **mencekar** mencakar.

cekarau Mn sj tumbuhan yg hidup di air (lubang batangnya besar); ~ *besar* prb suka menyombong (bercakap sombong).

cekat cekatan;

cekatan pantas bekerja (mengerti dll), cekap membuat sesuatu: *ia bekerja mengayun cangkulnya penuh ~; mereka itu ~ sekali melakukan kewajibannya*;

kecekatan kepantasan, kecepatan, kecekapan (melakukan sesuatu).

cekat Kl pembelah pinang, kacip.

cekau; **mencekau** **1.** menangkap (memegang, mengambil) dgn tangan (cakar, mulut); **2.** ki cari, ambil: *di mana aku hendak ~ malam-malam buta ini?*

cekcok (cékcok) = **bercekcok** bertengkar, berselisih, berkelahi;

mempercekcokkan mempertengkarkan: *apa yg dipercekcokkan itu?*

percekcokan pertengkaran, perselisihan, perkelahian: *ramai orang yg mengetahui ~ yg berlaku*.

cekel → **cekal** II.

cekel (cékél) **I** lokek, kikir; ~ *berhabis, lapuk berteduh* prb terlampau sangat kikir tidak ada faedahnya, akhirnya harta akan habis jua;
ceker.

cekel (cékél) **II** Jw, sl murid pendeta.

ceker (cékér) **1.** = **menceker** mengais-ngais (spt ayam); **2.** lokek, kikir;
→ **cekel I.**

cekera Kl mengagak: *bolehkah awak ~ berapa ramai penduduk di sini?*

cekerau → **cekarau.**

cekering → **cengkering I.**

ceketing sj burung, duit-duit, cirimit, taitut, *Lobivanellus indicus atronuchalis.*

ceki = *main* ~ sj permainan judi dgn menggunakan daun (kad kecil-kecil); *daun* ~ = *kartu* ~ kad kecil utk permainan ceki (120 helai semuanya).

cekibar, cekiber Jk cicak terbang (kubin).

cekih membuka (kulit kerang, lokan, dsb);

tercekih terbuka sedikit (kulit kerang, lokan, dsb).

cekik I; mencekik 1. mencengkam leher hingga tidak boleh bernafas: *ia membunuh perempuan itu dgn ~ lehernya; 2.* ki menekan, memeras, menindas, menyeksa, menyengsarakan: *mereka dicekik kemiskinan; mereka mendoakan agar kemarau jangan ~ mereka; 3.* bk makan; ~ *darah* memeras (wang, tenaga, dll);

tercekik 1. dicekik: **2.** tersangkut makanan di kerongkong (tekak); **3.** ki tertekan (oleh kemiskinan dll), berada dlm kesusahan yg amat sangat: *janganlah kita lupakan golongan yg kehidupannya ~ dan sentiasa berhempas-pulas utk menyambung hidup sehari-hari;*

cekikan perihal mencekik;

pencekik orang yg mencekik, alat utk mencekik; ~ *darah* pemeras, penindas.

cekik II; bercekik; ~-merih Mn bertengkar (berbantah) dgn kerasnya;

mempercekikkan mempertengkar, memperbantahkan.

cekik-cekik sj jerat utk menjerat leher binatang, cecekik.

ceking Jk genting, sangat kurus.

cekit I ark; **mencekit** mematuk, mengambil sedikit-sedikit.

cekit II Kl; **mencekit** menyindir.

cekodok bp sj cucur yg dibuat drpd adonan tepung dgn pisang yg digoreng.

ceku ark; **menceku** menekankan barang-barang tajam (kuku, jarum, peniti, dll) pd benda-benda yg lembut.

cekuh I; mencekuk memegang (mengambil) dgn tangan: *apa dicekuk semua tak kena; dicekuhnya parang itu.*

cekuh II cekap, mahir.

cekuk I; ~-cekik a) tercekik-cekik (spt orang lemas); b) bercekik-cekikan;

mencekuk menekan (leher dll).

cekuk II ubat yg dimasukkan ke dlm mulut dgn paksa;

mencekuk memberi minum ubat dgn paksa;

mencekukkan memasukkan ubat ke dlm mulut dgn paksa: *ibu ~ ubat air ke dlm mulut Hasnah.*

cekuk III lekuk, cekung.

cekuk IV; ~ manis sj tumbuhan (daunnya boleh dibuat sayur), asin-asin, *Sauropus albicans*; **cekur.**

cekung lekuk atau cengkung (mata, pipi, dll), lekuk melengkung di tengah-tengah (cermin dll): *jika permukaannya melengkung ke dlm, cermin itu dinamakan cermin ~.*

cekup I; mencekup 1. menutupkan tapak tangan atas sesuatu, menangkap (lalat, belalang, dll) dgn tapak tangan; **2.** ki menawan atau menangkap (orang dll).

cekup II; mencekup 1. mencakup (dgn mulut); **2.** mengambil dgn hujung jari, mencekup.

cekup III; ~ *puyuh* sj permainan kanak-kanak.

cekup IV sj burung;

~ *belukar* sj burung, *Phylloscopus reguloides*; ~ *dahan* sj burung, *Phylloscopus coronatus*.

cekur sj tumbuhan (umbinya dibuat ubat), *Kaempferia galanga*; ~ *manis* sj tumbuhan (daunnya boleh dibuat sayur), asin-asin, cekuk manis, *Sauropus albicans*;

~ *jerangau berbau lagi* = ~ *jerangau belum habis lagi* prb masih mentah lagi (belum matang), masih muda benar; *memanjat pokok* ~ *boleh mati jatuh* prb menerima kesusahan (hukuman) yg berat drpd kesalahan yg sedikit.

cekut; secekut sebanyak yg dapat dicekut, sejempit: *dia mengambil ~ nasi lalu disuapkannya ke dlm mulut anak itu*;

mencekut mengambil (mencekup, memegang) sedikit dgn hujung jari yg dikatupkan: *anak itu ~ sedikit nasi lalu memakannya*.

cela 1. kekurangan, cacat, cedera: *tidak ada cacat ~nya sedikitpun*; **2.** aib, noda (bkn perbuatan dll); **3.** kecaman, kritik: *puji dan ~ tidak bercera*;

bercela mempunyai cela (cacat dll);

mencela mengecam, mengkritik (dgn memburuk-burukkan sahaja), mencaci, mencacat: *mengapa kau ~ dia?*

cela-mencela saling mencela, caci-mencaci;

tercela tercacat, dapat (patut) dicela: *kelakuannya tidak ~*;

celaan kecaman, kritikan (yg memburuk-burukkan sahaja), cacian;

kecelaan 1. cela, cacat, kecacatan; **2.** keaiban: *mendatangkan ~ kpd keluarga*;

berkecelaan bercacat, dapat (patut) dicela;

pencelaan perihal (perbuatan dsb) mencela;

pencela orang yg mencela, pengkritik (yg suka memburuk-burukkan sahaja), pencaci.

cela (céla) Mn sj kain kasar; → **cele**.

celadang Kd bakul bersegi empat (tempat padi).

celaga I tangkai kemudi, bam kemudi.

celaga II ark □ → **jelaga**.

celagi 1. sj tumbuhan (pokok dan buahnya), asam jawa, *Tamarindus indica*; **2.** sj tumbuhan (herba), *Xyris anceps*.

celaguri sj tumbuhan (pokok kecil), seleguri, *Sida rhombifolia*.

celah 1. tempat yg terluang (sela, renggang) di antara dua benda; ~ *dinding* tempat yg terbuka di antara dua papan pd dinding (sela-sela dinding); ~ *jari* ruang di antara jari (sela-sela jari); **2.** sampuk, perkataan (cakap) yg menyelang atau memenggal (perkataan orang): “*jemputlah minum,*” ~ *isterinya*; **3.** masa terluang (antara dua pekerjaan dll): *tak ada ~ hendak pergi ke rumahmu*; **4.** ruang yg terluang: *sesungguhnya dunia Islam, di ~ kelemahannya akan menjadi dunia sekular*;

~ *daun* sudut atas di antara daun dan dahan (ranting) tempat tumbuhnya atau di antara dahan dan batang pokok; ~ *suara* Id lubang dlm halkum yg menerbitkan suara; *ditaruh di ~ gigi pun tak cukup* ki sangat sedikit (bkn makanan dll);

mencelah 1. masuk di celah (orang dll), berada di celah-celah: *perempuan itu ~ di antara kedua-dua anaknya yg sedang berkelahi itu*; **2.** memotong cakap orang, menyampuk: *belum sempat saya menghabiskan perkataan saya, dia pun ~*; *saya tidak mahu ~ kata-katanya*; **3.** mulai masak dgn perubahan warna sedikit-sedikit tetapi belum merata (bkn buah-buahan spt rambutan, langsung dan duku);

mencelah-celah masuk melalui celah-celah (orang ramai dsb).

celak habuk hitam (biru) utk mewarnai kening (bulu mata, keliling mata): ~ *mata*; *pensel* ~ sj pensel utk mewarnai kening dan keliling mata;

bercelak memakai celak;

mencelak, mencelaki menghitamkan kening (bulu mata, keliling mata) dgn celak.

celak (célak) Mn; **bercelak, mencelak, tercelak** bercahaya, berkilat, bersinar.

celaka **1.** malang (bkn nasib seseorang), sial, tidak baik: *nasibnya sungguh ~*; **2.** sesuatu yg menyebabkan penderitaan (kesusahan dll), kemalangan, kesialan: *apabila sudah mendapat ~, seorang pun tidak datang menolong*; **3.** makian, keparat, jahanam, bedebah: *anak sial, anak ~!* **4.** seruan utk menyatakan kemarahan (kekecewaan dll): *ah! C~! Apalah nasib; ~ tiga belas malang sekali*;

mencelakakan menimbulkan (mendatangkan) celaka, menjahanamkan (merosakkan dll): *lubang itu digali orang utk ~ kita; dia ~ setiap orang yg berkawan dengannya*;

kecelakaan bencana, kemalangan, kesusahan, malapetaka: *hidupnya terdesak dan mengalami ~ selalu; polis tidak ada di tempat ~ itu; perempuan itu mati kerana ~*.

celam; ~-*celum* keluar masuk (rumah dll), sebentar ke sana sebentar ke sini (bebas saja ke sana sini), celas-celus.

celana seluar: ~ *dalam*; ~ *panjang* (*pendek* dll);

bercelana memakai celana, berseluar: ~ *biru tua*.

celanat bp kata makian, celaka.

celang; mencelang terbuka luas (bkn mata), terbeliak, terbuntang: *matanya ~*;

mencelangkan membuka (mata) luas-luas, membuntangkan, membeliakkan: *adik tidak berani bersuara apabila ayah ~ matanya.*

celangak I terbuka luas (bkn pintu dll);

mencelangakkan membuka luas-luas.

celangak II; *~celinguk* Jk menengok-nengok ke kiri kanan (kerana berasa hairan, asing, dll).

celangap Jk terbuka atau ternganga (bkn mulut).

celapak I; **mencelapaki** mengangkingi: *lembu itu ~ dan menanduk dia;*

mencelapakkan mengangkingkan: *dia ~ anak kecil itu di pinggangnya;*

tercelapak (jatuh, duduk) terkangkang: *jatuhlah ia ~ pd belakang ikan alu-alu.*

celapak II Kd cepat-cepat, lekas-lekas, (dgn) segera: *penyamun-penyamun itu ~ masuk ke rumah Pak Ali.*

celar, celari ark; *kain ~ sj kain* (sarung) sutera yg bersulam benang emas pd tepinya.

celaru; bercelaru tidak tentu arah, tidak beraturan (berketentuan, keruan, dll), kacau-bilau: *rancangan kita yg ~ ini;*

mencelarukan menyebabkan celaru, mengacau-bilaukan: *~ fikiran;*

kecelaruan perihal bercelaru (bkn keadaan, fikiran, dll), keadaan kacau-bilau: *~ yg wujud apabila agama Taoisme, Hindu, dan Islam dianggap sama sudah jelas menunjukkan kejahilan.*

celas; *~celus* keluar masuk (rumah dll), celam-celum.

celat Jk; **mencelat 1.** melompat jauh (tinggi); **2.** ki melambung tinggi (bkn harga).

celatu kelekatu.

celatuk ark; **bercelatuk** berbual-bual (berjenaka, bersenda gurau, dll).

celau Ph celaka, sial.

celawagi → **cilawagi**.

cele (célé) Jw kain cita yg berpetak-petak coraknya; **cela**.

celebuk bunyi spt bunyi batu dll jatuh ke dlm air.

celebur celebuk.

celedang (celédang); ~-*celedok* ark kuat (berayun-ayun) lenggangnya, lenggang-lenggok.

celedok (celédok) → **celedang**.

celeguri; ~ *padang* sj tumbuhan (pokok renek yg akarnya dibuat ubat), seleguri, *Sida rhombifolia*.

celek (célék) Mn buta sebelah.

celek; **tercelek** timbul, kelihatan, tampak: *sekali digosoknya, dua tiga panau* ~.

celekati (Tamil) kacip (utk membelah pinang).

celekeh (celékéh) □ → **selekeh**.

celempong (celémpong) sj alat bunyi-bunyian spt gong kecil (geloneng), telempong.

celempung I; **mencelempung** terjun ke air, mencebur, mencempung; → **cempung II**.

celempung II sj alat bunyi-bunyian yg memakai dawai (spt kecapi rupanya).

celen (célén) bp mengajak berlawan, mencabar.

celeng (céléng) Jw babi hutan; ~ *menurun* gaya memakai destar (tengkolok).

celengan (céléngan) **1.** tabung pekak, tempat menyimpan wang: *wang itu dimasukkannya ke dlm ~ bambu*; **2.** tabungan, wang yg disimpan.

celengap; **tercelengap** tidak bertutup, terbuka sahaja (periuk dll).

celengkak (celéngkak); ~-*celengkok* berbelok-belok; □ → **celengkang**.

celengkang (celéngkang); *~-celengkok* berbelok-belok, bengkok-bengkok; **celengkak**.

celengkok (celéngkok) → **celengkak, celengkang**.

celek Jk celup.

celepa berbagai-bagai bentuk bekas rokok (tembakau dll) yg dibuat drpd logam dll; **selepa**.

celepik I bunyi spt bunyi cicak (benda kecil dll) jatuh ke lantai.

celepik II sudut kertas (kain) yg berlipat.

celepuk I bunyi spt bunyi orang jatuh dlm lumpur.

celepuk II Jw burung jampuk.

celerek (celérék) Kl; **bercelerek 1.** (bkn pakaian) meleret; **2.** bertaburan, bersepah-sepah.

celetuk Jw; **menceletuk** mencampuri (mencelah) bercakap, menyampuk.

celi 1. Jk tajam mata; **2.** (Sunda) teliti.

celici tamak, lahap.

celih malas-malas, segan-segan.

celik I 1. (bkn mata) terbuka: *semalaman itu matanya ~ sahaja, sedikitpun tidak mahu lelap*; **2.** = ~ mata sedar (insaf) atau timbul kesedaran (keinsafan): *baru ~ mata orang Melaka*; **3.** boleh melihat, tidak buta; **4.** ki (bkn matahari) terbit atau keluar: *dr ~ matahari hinggalah ke malam*; **5.** kenal akan yg benar (betul): *akal yg ~; hati yg ~;*

~ budaya dapat memahami dan menghayati hakikat budaya: *peningkatan pengetahuan menimbulkan kesedaran ke arah ~ budaya di kalangan masyarakat Amerika*; *~ komputer* pandai atau tahu menggunakan komputer;

mencelikkan 1. = ~ mata membuka mata; **2.** ki menyedarkan, menginsafkan: *sudah tiba masanya orang-orang kampung itu dicelikkan*;

tercelik sl dapat dilihat, kelihatan, tampak: *sekali digosoknya, tiga empat panau ~;*

kecelikan perihal atau keadaan dapat menyedari, mengetahui atau memahami sesuatu perkara, suasana dsb: *rancangan ini mampu mempertingkat tahap ~ seni di kalangan masyarakat umum.*

celik II sj ikan laut, *Megalaspis cordyla*; ~ mata sj ikan laut, *Pomadasys maculatus*.

celika Kl enggan atau malas melakukan sesuatu.

celik huruf boleh (dapat) membaca dan menulis, tidak buta huruf;

kecelikan huruf keadaan atau sifat celik huruf: *Malaysia berusaha supaya tidak ketinggalan dr segi ~ penduduknya.*

celinguk → **celangak II**.

celis; mencelis mencencang (membelah) halus-halus (kecil-kecil).

celober (celobér) Kl: **bercelober** koyak-koyak, corek-corek.

celomes (celomés) I merana, menderita (kerana berpenyakit).

celomes (celomés) II banyak cakap, cerewet.

celomok = **tercelomok** coreng-moreng (muka).

celonet (celonét) hujung yg menjungkit atau terangkat naik, conet.

celopar 1. banyak cakap, cerewet; **2.** = ~ *mulut* bercakap ikut sesuka hati sahaja;

keceloparan perihal celopar: *dia berharap agar Irwan telah pulih drpd tersinggung akibat ~ mulut Abon.*

celoreng (celoréng) I alat bunyi-bunyian (gamelan) yg dibuat drpd logam.

celoreng (celoréng) II Kl; **berceloreng** comot: *muka budak itu ~ dgn hingus.*

celorong; ~-*celoreng* (bkn baju askar) yg coraknya berupa palitan berbagai-bagai warna yg kehijau-hijauan.

celoteh (celotéh) percakapan yg tidak tentu pokok pangkalnya (tidak keruan), ocehan;

berceloteh bercakap-cakap (dgn tidak tentu pokok pangkalnya atau tidak keruan), berbual-bual, mengoceh: *ia tidak bekerja tetapi ~ saja.*

celoteng (celoténg) Kl kotor (kerana terkena lumpur dll).

Celsius (sélsius) skala suhu yg merakamkan takat sejuk beku air pd 0°C dan takat didih air pd 100°C.

celuk Jk; **menceluk** memasukkan tangan ke dlm sesuatu utk mengambil barang, menyeluk.

celum; ~-*celam*; → **celam**.

celung I kandang yg sempit utk gajah atau kerbau;

mencelung, mencelungkan memasukkan ke dlm celung.

celung II Jk cengkung atau cekung (pipi).

celung III; ~-*celang* bunyi spt bunyi terompah (angklung dll).

celung IV sj burung, burung kambing, *Platysumurus leucopterus*.

celungap Sl buruk makan, lahap, rakus, lapar sangat.

celup ki tiruan, palsu, tidak asli; *orang putih* ~ orang yg hendak berlagak dll spt orang putih;

tayar ~ tayar tua yg telah dibaharui bunganya; *tukang* ~ orang yg kerjanya mewarnai kain dll;

bercelup 1. berlapis (bersalut); ~ *emas* berlapis air emas; **2.** sl bercelur; ~ *minyak* bersumpah dgn memasukkan jari ke dlm minyak yg menggelegak utk menentukan kesalahan orang;

mencelup 1. memasukkan (menenggelamkan, menyelamkan) ke dlm benda yg cair: *sebelum digoreng pergedel itu mesti dicelup ke dlm telur*; **2.** memberi berwarna dgn memasukkannya ke dlm air berwarna (kain dll): ~ *kain*; **3.** ki membentuk (fikiran, faham,

semangat, dll), melatih, mengajar: *mereka dicelup di Oxford dan di Cambridge*;

celupan hasil mencelup;

pencelupan perbuatan (usaha, kegiatan, dsb) mencelup: ~ *kain*;

pencelup air dll yg berwarna utk mencelup.

celupak Jw ark pelita berupa mangkuk kecil yg dibuat drpd tanah dan diisi dgn minyak kelapa.

celur; *sumpah* ~ sumpah dgn mencelupkan tangan ke dlm air atau minyak yg menggelegak;

bercelur; ~ *minyak* sl bersumpah dgn mencelupkan tangan ke dlm minyak menggelegak; ~ *tangan* bersumpah dgn mencelupkan tangan ke dlm air (minyak) menggelegak;

mencelur memasukkan (mencelupkan) sesuatu (spt sayur dsb) utk beberapa ketika ke dlm air panas (supaya lembut dsb): ~ *sayur*;

celuran 1. hasil mencelur; **2.** yg digunakan utk mencelur: *bubuh sedikit garam ke dlm air* ~;

penceluran perihal (perbuatan atau proses) mencelur: ~ *sayur-sayuran*.

celurut Jk sj tikus kecil, tikus kesturi, cencorot.

celus boleh lulus (masuk, lepas) ke dlm sesuatu (melalui lubang dll), dapat lepas (keluar); ~-*celas* keluar masuk, celum-celam;

mencelus masuk (ke dlm lecah dll);

tercelus termasuk (ke dlm lecah dll).

celutak Jw gemar makan barang yg tidak patut dimakan.

celutuk sj burung spt kedidi atau berkik.

cema (céma) Mn tuduh;

mencema menuduh, mengadukan (kpd hakim);

tercema tertuduh.

cemabai Jh; **bercemabai** bercarik-carik (bkn kain dll), berjerabai.

cemahang penyakit atau akibat buruk (kerana sumpah gajah, pohon kayu, dll).

cemak Tr, Kl; ~ *mana* banyak mana, berapa banyak.

cemamai; bercemamai koyak-koyak, bercarik-carik (bkn kain dll).

cemamar 1. sj tumbuhan (pokok renek), cama, (se)cerek, kemantu hitam, semeru, *Clausena excavata*; **2.** sj tumbuhan (pokok kecil), cerek-cerek, secerek, senaguh, *Micromelum hirsutum*; **3.** = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok kecil), cerek-cerek, cerek putih, kayu saga, kematu, tetimah jantan, *Micromelum minutum (pubescens)*.

cemamping koyak-koyak, compang-camping.

cemangi; *yu* ~ sj ikan *yu*.

cemangkih; *cemongkah*~ congkah-cangkih; □ → **cemongkah**.

cemani Jw hitam seluruhnya (hingga ke tulang-tulanganya); *ayam* ~ ayam yg hitam seluruhnya, ayam selasih.

cemantung sj tumbuhan (pokok kecil), kelupung air (burung), *Ficus alba*;

~ *gajah (maja)* sj tumbuhan (pokok kecil), kuku balam, petaling tanduk, *Aporosa prainiana*; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), lempedu burung, medang asam, *Elaeocarpus mastersii*.

cemar I 1. tidak bersih, kotor; **2.** ki tidak murni atau tidak baik (bkn nama, perkataan, dll): *nama ayahnya kini sudah ~*; *membawa ~* datang bulan (haid);

bercemar mengotorkan diri; ~-*cemar* merendahkan (mengotorkan) diri (dgn bercampur dgn orang yg lebih hina dll): *mengapatah maka Datuk Bendahara hendak ~ dgn si Jebat*; ~ *duli* = ~ (-*cemar*) *kaki* sl mencemar *duli*: *silalah tuanku dgn Cik Puan ~ duli ke pantai pasir yg putih lumat itu berjalan-jalan mengambil angin kesihatan*; ~ *kain* datang bulan (haid);

mencemar; ~ *duli* bh (digunakan pd sultan atau raja) sudi datang (pergi) ke: *baginda juga pernah ~ duli melawat Kem Tahanan Tanjung Bruas bersama-sama dgn rombongannya;*

mencemari **1.** mengotori: *sampah-sarap yg ~ tempat ini;* **2.** menodai, mencabuli (nama dll): *gadis itu ~ kesucian dirinya;*

mencemarkan **1.** menjadikan cemar, mengotorkan; **2.** ki memburukkan (nama dll), mengejikan: *kau ~ nama keluargamu; berbagai-bagai pengaruh luar mengubah dan kadangkala ~ cerita;*

tercemar dicemar;

kecemaran **1.** kekotoran; **2.** keburukan (nama dll), kekejian: *ia hendak melindungi keluarganya drpd ~ yg dilakukan oleh orang lain;*

pencemaran perbuatan mencemarkan (mengotorkan), pengotoran; ~ *alam* perbuatan mencemarkan kebersihan alam sekeliling dgn sampah-sarap dsb; ~ *bahasa* penggunaan bahasa yg tidak betul di kalangan masyarakat;

pencemar **1.** orang yg mencemari atau mencemarkan maruah (diri, nama keluarga, dll); **2.** bahan atau alat yg mencemari atau mencemarkan sesuatu (bahan lain, udara, dll): *gas ini, spt ~ yg lain, amat berbahaya.*

cemar II; ~ *hantu* sj tumbuhan yg hidup di atas pokok-pokok lain, bendalu, *Cassytha filiformis.*

cemara I **1.** bulu ekor kuda (lembu dll) yg dijadikan rambu perhiasan pd tombak (parang dll): ~ *tombaknya spt bunga lalang;* **2.** bulu ekor kuda (lembu dll) yg diberi bertangkai utk dijadikan kipas (menghalau lalat dll); **3.** rambut tambahan (drpd rambut, nilon, dll) yg digunakan utk memperbesar sanggul; **4.** sesuatu yg menyerupai bulu ekor kuda (spt bulu jagung dsb); ~ *babi* sj tangkal.

cemara II; *kayu (pohon)* ~ sj tumbuhan (pokok yg halus-halus daunnya),
ru, *Casuarina spp.*

cemas 1. = ~ *hati* berasa takut dan risau (gelisah, bimbang): *dia ~ menanti kelahiran anak sulungnya*; **2.** = **cemas-cemas** hampir-hampir terjadi sesuatu, nyaris-nyaris: *masa terlanggar itu, ~ dia tersungkur*;

bercemas menaruh rasa cemas (gelisah, bimbang);

mencemaskan menimbulkan perasaan cemas (gelisah, bimbang), menakutkan, membimbangkan, merisaukan: *sikapnya yg kasar itu ~ aku*;

tercemas gelisah, bimbang, kluatir;

kecemasan 1. ketakutan, kebimbangan, kegelisahan, kekhuatiran: *mereka kelihatan ~ kerana takut mati kelaparan*; **2.** keadaan bahaya, darurat: *setiap saat mereka berada dlm keadaan bahaya dan ~*;

pencemas 1. lekas berasa cemas; **2.** orang yg lekas berasa cemas, penakut.

cemat I; *sauh* ~ sauh terbang (sauh yg dilemparkan utk menarik sesuatu spt perahu dll); *tali* ~ tali penarik perahu dll;

mencemat menarik pukot (perahu dll) dgn tali yg diikatkan padanya: *mereka bergilir-gilir ~ pukot tarik itu ke darat*.

cemat II semat atau pin utk mencantumkan dua bahagian drpd sesuatu alat dll.

cembang besar dan kembang ke hujung.

cembeng (cémbéng) **I** C suatu hari besar di kalangan orang-orang Cina (pd hari itu mereka menziarahi kubur sanak saudara mereka, mencuci dan bersembahyang di kubur itu beramai-ramai).

cembeng (cémbéng) **II** mudah menangis, kememeh.

cemberut Jk masam (air muka).

cembul 1. tempat gambir (pinang, kapur, dll) yg dibuat drpd logam (ditaruh dlm tepak atau puan); **2.** = ~ *pedang* kepala hulu pedang yg bulat mungkm bentuknya; ~ *dapat tutupnya = laksana ~ dgn tutupnya* prb bersetuju (sesuai) benar antara satu dgn yg lain (cocok sekali).

cembung I kembang (melengkung) bulat spt pd bahagian luar bola (pipi, cermin, dll), lwn cekung.

cembung II; ~-*cembungan* = *nama ~-cembung(an)* nama timang-timangan.

cemburu 1. iri hati (kerana orang lain pandai, berharta, dll); **2.** kurang percaya atau syak wasangka (takut-takut suami mempunyai kekasih lain dll), curiga: *hatinya berasa ~ apabila melihat isterinya bercakap-cakap dgn temannya*; **3.** hati-hati atau berjaga-jaga (kerana takut kesucian adat, agama, dll dikotori atau dinodai): *mereka menjaga adat resam mereka dgn perasaan ~; ~ buta* cemburu tanpa sebab atau cemburu membuta tuli;

bercemburu berasa cemburu;

mencemburui 1. iri hati akan; **2.** mencurigai, mengesyaki; **3.** menjaga: *orang Melayu sangat kuat berpegang pd agama dan ~ agama mereka*;

mencemburukan 1. iri hati (akan seseorang atau sesuatu): *apa benar yg dicemburukan oleh mereka itu*; **2.** menimbulkan cemburu (iri hati, curiga, syak wasangka);

cemburuan 1. = **bercemburuan** saling cemburu; **2.** iri hati;

kecemburuan 1. perihal cemburu; **2.** kecurigaan, syak;

pencemburu (orang yg) bersifat cemburu.

ceme (cémé) □ → **cemeh I.**

cemeeh (cemééh) Mn ejekan, hinaan, cemuhan;

mencemeehkan mengejek, menghina, mencemuh.

cemeh (céméh) **I** **1.** buta mata sebelah; **2.** buta yg tidak pejam matanya.

cemeh (céméh) **II** sj permainan judi dgn daun terup kecil.

cemeh (céméh) **III** Tr keadaan mata yg tidak dapat celik dgn selesa (kerana kurang tidur dll): *Samad baru bangun tidur. Matanya masih ~ lagi.*

cemek (cémék) **I** → **cemeh I.**

cemek (cémék) **II** ark; *remeh-~ remeh-temeh.*

cemeki → **jemeki.**

cemekian sj tumbuhan (pokok yg bijinya dibuat julap), cengkian, jemekian, jemikian, *Croton tiglium.*

cemengkian cemekian.

cemer (cémér) → **cemeh I.**

cemerkap tidak cermat (dlm melakukan sesuatu pekerjaan dll), kasar;

kecemerkapan keadaan (sifat) cemerkap; kelalaian: *tiga orang drpd mereka berasa kecewa oleh sebab ~ sahabat mereka.*

cemerlang **1.** bersinar (bercahaya) dgn terang, berkilauan, gilang-gemilang: *bintang-bintang ~ pd malam itu;* **2.** ki indah (elok) sekali: *jangan lekas percaya pd janji-janji yg ~ dan kata-kata yg bergula;* **3.** ki (bkn kejayaan, keputusan peperiksaan, dsb) sangat baik: *kejayaan ~;*

mencemerlangkan menjadikan sesuatu cemerlang, menggemilangkan: *cita-citanya utk ~ seni budaya tempatan akan menjadi kenyataan;*

kecemerlangan ki keelokan, keindahan, kegemilangan: *nyanyian itu menyimpan sejarah ~ Islam.*

cemeti cambuk, pecut, penyebat (kuda dll); ~ *dewa (malaikat)* petir;

mencemeti menyebat dgn cemeti, mencambuk, memecut: *maka oleh Patan itu dicemetinya kuda itu.*

cemetuk ark pemberian (yg diberi mengikut adat);

bercemetuk memberikan sesuatu mengikut adat.

cemidu; bercemidu malu-malu, pemalu.

cemiduk pemalu, penyegan.

cemik; mencemik mencebikkan bibir sedikit (utk mengejek, menghina, dll): *dia ~ apabila memandang kami;*

mencemikkan 1. = ~ *bibir* mencebikkan bibir sedikit (utk mengejek, menghina, dll); **2.** mengejek (menghinakan dll) dgn mencemik;

cemikan ejekan.

ceso (cémo) Kl; **ceso-ceso** makan banyak-banyak.

cemomot kotor (pd muka), comot, cemong, jemuas.

cemong (cémong) Jk kotor (pd muka), comot, coreng-moreng.

cemongkah; ~-*cemangkih* tidak rata, ada yg terjongket, congkah-cangkih.

cemoyang Pr; **bercemoyang 1.** berbunyi bising (spt bunyi anak ayam dll); **2.** (bkn anak dll) banyak atau ramai bilangannya: *anak ~.*

cempa 1. cempaka; **2.** = *padi* ~ sj padi.

cempaka I sj tumbuhan (pokok yg wangi bau bunganya), a) *Gardenia spp.*; b) *Michelia champaca*; c) *Plumeria spp.*;

~ *biru* sj tumbuhan (pokok), bunga kemboja, bunga kubur, *Plumeria acutifolia*; ~ *hutan* a) sj tumbuhan (pokok), *Gardenia griffithii*; b) sj tumbuhan (pokok memanjat), bunga akar kuning, *Allamanda cathartica*.

cempaka II sj permata yg kuning muda warnanya.

cempala I ark sl mudah (suka) melakukan sesuatu yg tidak senonoh, lancang;

~ *mulut* lancang mulut (spt mudah mencerca orang dll); ~ *tangan* lancang tangan (spt suka menampar dll).

cempala II Jw kayu pemukul (dipakai oleh dalang utk memukul kotak wayang).

cempana → **jempana**.

cempedak sj tumbuhan (pokok yg buahnya spt nangka), *Artocarpus champeden*; ~ *air* sj tumbuhan (pokok), *Artocarpus kemandu*; *bagai bunyi ~ jatuh* prb kuat bunyinya (biasanya dikiaskan pd orang yg gemuk jatuh); *drpd ~ baiklah nangka* prb a) drpd tidak ada langsung, sedikit pun cukuplah; b) kalau tidak ada yg baik, yg kurang baik pun berguna juga; *seorang makan ~, semua kena getahnya* prb seseorang berbuat salah, semuanya dikatakan berbuat salah juga; *tanam ~ tumbuh nangka* prb apa yg diperoleh lebih drpd apa yg diharapkan.

cempek (cémpék) Mn cebeh-cebeh pd tepinya, sompek, serpih.

cempelik sj permainan judi dgn memakai dua keping duit syiling yg dilambung ke atas.

cempelung I bunyi spt bunyi barang jatuh di air, cempung;

mencempelung membuang atau terjun ke dlm air;

mencempelungkan menceburkan, mencempungkan.

cempelung II sj perahu yg memakai dayung.

cempenai sj tumbuhan (pokok renek), buah letus, daun bisa hati, kayu lampilan, *Ardisia littoralis*; **mempenai**.

cempeng (cémpéng) Mn ark cabik-cabik pd tepi, sompek.

cempening sj tumbuhan (pokok), capah, kasap, tapak kerbau, pecah periuk babi, *Clerodendron villosum*.

cempera ark; **bercempera** berpecah belah ke sana sini, bertempieran, bercerai-berai: *orang-orang berjudi itu pun ~ lari; mereka akan lari ~ setelah mendapat bahagian masing-masing*.

cemperai sj tumbuhan (pokok renek), *Champeria griffithii*;

~ ayam (batu, hitam) sj tumbuhan (pokok), *Gomphandra lanceolata*; ~dadih sj tumbuhan (pokok renek), jintih putih, mata keli para, perincen, *Urophyllum streptopodium*.

cemperas sj ikan darat, temperas, cerecek, *Cyclocheilichthys apogon*.

cemperling sj burung, perling, *Aplonis strigatus*.

cempiang ark **1.** samseng; **2.** pendekar.

cemping perca (cebis) kain.

cempo Jw sj padi, cempa.

cempoa → **sempoa**.

cempung I; mencempung membawa sesuatu (dgn memeluknya): *ia kelihatan keluar ~ Wan Intan dgn tangannya*.

cempung II bunyi spt bunyi sesuatu jatuh ke air;

mencempung 1. berbunyi cempung sewaktu jatuh ke air; **2.** terjun ke air, mencebur, mencempelung;

mencempungi 1. mencebur ke; **2.** memasuki (mencampuri) hal orang dll;

mencempungkan membuang (memasukkan) ke air, menceburkan: *Hamid mencuba ~ Tukwan, tetapi tidak ada tenaga; ~ diri turut campur dlm hal (pergerakan dll)*.

cempurit Jk tangkai pd tangan boneka wayang kulit (utk menggerak-gerakkannya dll).

cempurna sj tumbuhan (pokok kecil), simpuh air, *Wormia suffruticosa*.

cemuas ark □ → **jemuas**.

cemucup → **kemuncup**.

cemuh; mencemuh, mencemuhkan mengejek, mencela, menghina: *masyarakat akan ~nya; wanita yg nampaknya dicemuhkan itu sebenarnya disukainya*;

cemuh-mencemuh saling mencemuh: *tidak dibenarkan ~ antara satu sama lain*;

cemuhan ejekan, celaan, hinaan.

cemuih Kd jemu, bosan.

cemuk I; mencemuk memukul (dgn tongkat dll), mengebas; *gada-gada cemuk*~ gada-gada kebas-mengebas.

cemuk II kulit kacang (petai dll).

cemus jemu, jelak.

cena (céna) **1.** tanda, bukti; **2.** parut, bekas luka yg sudah baik (pd ayam sabungan sbg tanda tidak pernah dikalahkan), (bkn ayam sabungan dll) sudah sihat kembali;

kecenaan sudah ada tandanya (buktinya), sudah terbukti.

cenak ark; *tulang* ~ tulang selangka.

cenama sj tumbuhan (pokok kecil), cerek hitam, *Clausena excavata*.

cenana; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Artabotrys suaveolens*.

cenangau sj serangga spt belalang (busuk baunya), jenangau, pianggang.

cenangga (Sanskrit) cacat pd tubuh sejak dilahirkan lagi.

cenangkas pedang yg lurus.

cenayang ark bomoh (pawang) yg boleh berhubung dgn orang halus (hantu).

cencana, cencadu → **cengkadak**.

cencala I sj burung, merbah gila, murai gila, *Rhipidura javanica*.

cencala II sl lancang mulut; **jenjala**.

cencaluk sj makanan yg dibuat drpd udang geragau (sj udang halus) yg diasinkan dlm air garam dan diawet utk beberapa lama.

cencang I tetak kecil-kecil atau halus-halus (dgn parang, golok, dll); ~ *dua segeragai* prb dgn sekali lalu dua pekerjaan dibuat;

bercencang sudah dicencang;

mencencang 1. menetak (memenggal-menggal) sesuatu kecil-kecil atau halus-halus: ~ *daging*; **2.** ki membunuh dgn menetak dgn parang dsb: ~ *mangsanya dgn sebilah parang*;

air dicencang, tiada putus prb perselisihan antara saudara akhirnya berbaik juga; *~ memampas, membunuh membangun* prb yg bersalah mesti diberi hukuman yg sewajarnya; *sepandai-pandai ~, landasan juga yg habis* prb walaupun banyak pertolongan, orang yg membuat kenduri (kahwin) juga yg banyak berhabis;

tercencang tertetak; *~ puar, tergerak andilan* prb seorang dianiaya, semua kaumnya marah;

cencangan sesuatu yg sudah dicencang;

pencencang alat utk mencencang: *~ sayur*.

cencang II Mn; *~ latih sawah (ladang)* yg dibuka sendiri (jadi hak milik orang yg membukanya);

mencencang = *~ melatih* membuka tanah utk dijadikan ladang.

cencang III; *~ rebung* sj ikan laut, *Clupeioides lile*.

cencaru sj ikan laut, celek, keras ekor, kerongan, tegap, *Megalaspis cordyla*; *~ makan petang* prb pekerjaan yg lambat tetapi hasilnya baik.

cencawan tempurung lutut.

cencawi cawi-cawi.

cenceng (céncéng); **mencenceng** lari spt anjing kena pukul; **ceceng**.

cencodak sj ikan laut, todak, *Tylosurus spp.*

cencorot, cencurut tikus kesturi; jenis-jenisnya: *~ gunung, Crocidura monticola*; *~ hutan, Crocidura fuliginosa*; *~ rumah, Suncus murinus*; *~ tanah, Talpa micrura*.

cenda NS jenis, macam.

cendala sl orang yg hina, keji, atau buruk.

cendana; *~ janggi* sj tumbuhan (pokok yg merah warna kayunya), *Pterocarpus spp.*; *~ kering* a) kayu cendana yg tidak berbau lagi; b) ki orang yg tidak berguna; *~ kuning = kayu ~ sj tumbuhan* (pokok yg wangi baunya dan kuning warna kayunya), *Santalum*

album; sudah gaharu ~ pula (sudah tahu bertanya pula) prb pura-pura tidak tahu.

cendang Mn juling.

cendara; ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok), penarahan hitam, pendarahan cili, *Knema oblongifolia*.

cendarah sj tumbuhan (pokok), *Knema spp.*;

~ *hitam* sj tumbuhan (pokok), rahan, kemarahan, kerantu, penarahan hitam (samak), pisang-pisang bulu, *Knema laurina*; ~ *laut* sj tumbuhan (pokok), *Knema malayana*; ~ *padi* sj tumbuhan (pokok), gerahan, merbatu kecil, penarahan padi, *Knema missionis*.

cendarahan; ~ *tanduk* sj tumbuhan (pokok kecil), penarahan tanduk, *Knema curtisii*.

cendarik sj tumbuhan (pokok bunga anggerik), sakat panggang daun, *Cymbidium finlaysonianum*.

cendas Kl; **mencendas** menendang, menerajang.

cendawan sj kulat yg pendek batangnya dan bahagian atasnya berbentuk payung atau cuping (sesetengahnya boleh dimakan, sesetengahnya beracun), jamur; jenis-jenisnya: ~ *batang*, ~ *bola*, ~ *busut*, ~ *racun*; *bagai ~ kememeh* prb mudah sahaja menangis; *bagai ~ disesah (dibasuh)* prb pucat lesi rupanya; *bagai ~ tumbuh* prb terlalu banyak pd sesuatu masa; *di mana ~ tumbuh, di situ tembilang terentak* prb di mana perkara itu timbul, di situlah harus diselesaikan;

bercendawan ditumbuhi cendawan, berkulat, berlapuk.

cendayam sl elok, cantik.

cendekel (cendékél), **cendeker** (cendékér) lokek (suka mengenakan atau merugikan orang lain).

cendekia berakal, cerdas, pandai;

cerdik ~ cerdik pandai, terpelajar, intelektual; *kaum cerdik* ~ kaum terpelajar, kaum intelek;

kecendekiaan segala sifat yg berkaitan dgn cendekia, kecerdikan: *melalui pendedahan tersebut, pelajar akan memperoleh pengalaman ~.*

cendekiawan orang (golongan, kaum dsb) yg cerdik pandai, orang atau golongan terpelajar, intelektual: *penulis mengharapkan teguran dan kritikan membina drpd ~ dan ilmuwan;*

kecendekiawanan hal (sifat, keterampilan dsb) berhubung dgn cendekiawan: *buku tersebut memaparkan ~ pemimpin itu sbg orang yg ada visi dan prihatin terhadap Asia.*

cendera I sl **1.** bulan; **2.** dewa atau setengah dewa: *mambang dewa, ~ dan indera.*

cendera II sl lena atau nyenyak (tidur): *maka raja pun tidurlah di ribaan Hang Jebat terlalu sangat ~nya; jendera.*

cendera III sj tumbuhan (pokok kecil), balung hijau, cendur, jarak hitam, menot, *Epiprinus malayanus.*

cenderadurja cenderamata.

cenderahati cenderamata.

cenderai sj tumbuhan (pokok kecil), *Grewia spp.;*

~ hutan sj tumbuhan (pokok), a) Grewia fibrocarpa; b) = ~ paya sj tumbuhan (pokok), Grewia miqueliana; akar ~ sj tumbuhan (pokok), Grewia umbellata; cenerah.

cenderamata 1. sesuatu yg diberikan kpd orang lain sbg tanda ingatan, cenderadurja, cenderahati, tanda mata; **2.** kekasih, buah hati.

cenderamulia sl sj tumbuhan (pokok).

cenderasa sl sj pedang yg sakti.

cenderasari sl sj burung.

cenderasuri sl sj tumbuhan (pokok).

cenderawasih **1.** sl burung dewata; **2.** sj burung yg indah warna bulunya dlm famili Paradisiaeadae.

cenderu sj tumbuhan (pokok), *Diplanthera bancana*.

cenderung **1.** tidak tegak, condong, senget; **2.** menaruh minat (keinginan, kasih, dsb) terhadap sesuatu, suka (akan sesuatu atau melakukan sesuatu), menunjukkan kegemaran kpd: *ia lebih ~ membaca novel*; **3.** berpihak kpd, memilih pihak, menyebelahi, condong: *hakim yg adil tidak ~ kpd pihak mana pun*; **4.** sl lereng bukit (jurang, tebing, dll) yg curam: *~ yg tinggi lagi terjal*;

mencenderungkan menyebabkan (menjadikan) cenderung, menyebabkan seseorang berminat (suka, gemar) pd sesuatu: *dlm artikel ini, tumpuan akan diberikan kpd peranan ibu bapa membentuk personaliti anak-anak yg ~ mereka kpd penyalahgunaan dadah*;

kecenderungan kesukaan (keinginan, kemahuan), kecondongan (bkn bakat, hati): *pendapat pentafsir itu bergantung pd ~nya*; *kaedah mengajar ini mesti disesuaikan dgn ~ kanak-kanak*;

berkecenderungan menunjukkan atau mempunyai kecenderungan (terhadap sesuatu atau utk melakukan sesuatu): *sudah ada kes yg menunjukkan bahawa pelarian Vietnam yg sudah biasa dgn kehidupan huru-hara itu ~ utk mencipta fenomena serupa itu di sini*.

cenderus membersihkan minyak (supaya tidak berbau perat).

cendol (céndol) sj minuman sejuk yg terdiri drpd campuran isi berwarna hijau (dibuat drpd tepung beras dan air pandan) dicampur dgn santan dan air gula melaka.

cendorong Mn cenderung.

cenduai I jampi, mantera (guna-guna) utk memikat hati wanita; *minyak* ~ minyak pengasih (guna-guna) utk memikat hati wanita.

cenduai II; *para* ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), sakar bigus, *Tylostylis rigida*.

cenduk bp senduk.

cenekah sj kera yg panjang ekornya, tekah, *Hylobates leuciscus*.

ceneker (cenékér) tipu atau helah (dlm permainan).

cenela (cenéla) alas kaki spt selipar yg bersulam dll pd penutup jarinya, kasut tekat.

cenerah, cenerai sj tumbuhan (pokok), jeneri, *Grewia tomentosa*.

cenerul; bercenerul tertawa berdekah-dekah, tertawa dgn kuat.

ceng (céng) I seruan supaya gajah memasukkan kakinya ke dlm sengkela.

ceng (céng) II C air gula, air gula (sisa drpd penghabluran air tebu).

cengal = ~ *batu* = ~ *emas* = ~ *sabut* = ~ *siput* sj tumbuhan (pokok yg kayunya keras dan elok utk dibuat rumah dll), *Balanocarpus heimii*; ~ *kampung* = ~ *pasir* sj tumbuhan (pokok besar), *Hopea odorata*.

cengam I; mencengam 1. menangkap dgn mulut (spt buaya menangkap mangsanya), mencakup; **2.** bk makan.

cengam II □ → **cingam**.

cengang; bercengang, bersicengang hairan, kehairanan: ~ *semua orang di keliling melihat mereka berkelahi*;

mencengangkan menimbulkan rasa hairan, terkejut bercampur pelik (kerana melihat sesuatu kejadian yg luar biasa atau di luar dugaan dsb): *kebolehan luar biasa kanak-kanak itu ~ orang ramai*;

tercengang, tercengang-cengang berasa kehairan-hairanan, terkejut bercampur pelik (sehingga mata terbuka luas dan mulut

ternganga): *mereka ~ apabila seorang anggota polis menghampiri mereka dan meminta kad pengenalan mereka;*

mentercengangkan menyebabkan tercengang.

cengap; mencengap **1.** menangkap dgn mulut; **2.** mengap-mengap.

cengcong (céngcong) banyak bicara, cerewet, tingkah; *banyak ~ banyak olah* (tingkah).

cenge (cengé) garang, bengis.

cengkek (cengék) Kl ter naik (terangkat, terjungkit) ke atas sedikit (bkn hidung, bibir, dll).

cengeng (céngéng) **1.** suka menangis (merengek), mudah menangis; **2.** mudah terusik (terharu dll).

cenggang; bercenggang berenggang, berjauhan: *kedua-duanya tidak pernah ~.*

cenggeh (cénggéh) Kd tenggek.

cenggek (cénggék) tenggek.

cenggeret (cenggérét) → **tonggeret**.

cenggong (cénggong); **bercenggong** bertinggung; → **tinggung**.

cengi (bkn bunyi sebutan) seakan-akan sengau.

cengih (Palembang) lada burung, cili api.

cengil keras dan pedas (bkn percakapan), garang.

cengis I (ber)bau busuk (spt hangit serta masam).

cengis II ark; **mencengis-cengis** malu-malu (spt tidak tahu apa yg hendak dibuat), agak bingung, hairan.

cengit Kl → **cengis I**.

cengkadak, cengkadu, cengkaduk sj serangga spt belalang yg hijau warnanya dan panjang kakinya, sentadu, mentadak, ketenun.

cengkal I Jw ukuran panjang yg bersamaan dgn 12 kaki atau 3.66 meter, tombak.

cengkal II Jw penongkat kain yg dipakai oleh kanak-kanak yg dikhatankan.

cengkam I = cengkaman 1. pegangan (genggaman) dgn kuku atau cakar, cengkeraman: *ia tidak dapat melepaskan dirinya drpd ~ beruang itu; Mawi menguatkan ~ tangannya pd rambut Zaini; 2.* kekuasaan yg menindas, (memeras, menekan, menyebabkan penderitaan, dsb): *seluruh rakyat telah menderita sewaktu dlm ~ Jepun; hasil program kawalan penyakit 1978, kanak-kanak bebas drpd ~ cirit-birit;*

mencengkam 1. memegang kuat-kuat dgn kuku (cakar), mencengkeram: *rambut anaknya itu dicengkamnya lalu ditariknya; 2.* mengapit (menyepit), mencantumkan kain dll (dgn menjahit); **3.** ki menguasai (memeras, menindas): *perjuangan sekarang adalah utk menghalang kaum kapitalis ~ semula kemakmuran negara;*

mencengkamkan menekankan (kuku, cakar, dll) utk mencengkam;

pencengkam (Kej) sj alat utk mencantumkan atau melekatkan alat-alat lain: ~ rata; ~ U.

cengkam II; *daun ~ harimau* sj tumbuhan (pokok kecil), pokok tapak rimau, *Trevesia cheirantha*.

cengkang ark□ → **cekak I.**

cengkaruk sj kuih yg dibuat drpd nasi yg dikeringkan (dicampur dgn gula dan santan).

cengkarung sj binatang (reptilia) spt cicak, bengkarung.

cengkau; mencengkau mengambil (memegang) dgn tangan (cakar); → **cekau.**

cengkau (céngkau) C orang yg mencarikan pembeli atau penjual barang, broker.

cengke di sj hantu, pengaruh atau kuasa hantu.

cengkeh (céngkéh) Kd; ~ *kuap* jenggang-jengkot, tempang.

cengkek (céngkék) ark ramping atau genting di tengah.

cengkela → **jenggala**.

cengkelat → **sengkelat**.

cengkeling bersilang serta bertindih kaki atau tangan; ~ *bagai ular dipukul* prb bengkok-bengkok (berbelit-belit); **sengkeling**.

cengkelong Jw; **mencengkelong** mengurangi (wang dll).

cengkenik, cengkenit sj kutu pd kambing (anjing dll).

cengker cengkung, lekuk (pd pipi atau mata).

cengkeram I cengkam;

mencengkeram 1. mencengkam atau memegang (dgn kuku atau cakar); **2.** ki menguasai;

mencengkeramkan mengenakan kuku (tangan dll) utk mencengkeram, mencengkamkan;

cengkeraman cengkaman.

cengkeram II wang pendahuluan (muka) yg diberikan sebelum membeli (melakukan) sesuatu;

mencengkeramkan meletakkan (memberikan) barang sbg cengkeram.

cengkerama 1. sl perjalanan utk bersuka-suka (bersiar-siar dll); **2.** percakapan (perbualan, senda gurau, dll) utk bersuka-suka atau bersenang-senang;

bercengkerama 1. sl pergi (berjalan-jalan) utk bersuka-suka (bersenang-senang, bertemasya, dll); **2.** bercakap-cakap (berbual-bual, bersenda gurau, dll) utk berseronok: *gadis itu sudah dibiarkan oleh orang tuanya berhandai-handai, bersenda gurau, dan ~ dgn agak bebas.*

cengkeran dapur kecil, keran, anglo.

cengkerawak sj burung, burung barau-barau, cucak rawa, *Pycnonotus zeylanicus*.

cengkerawang Kd tidak beraturan (keruan), tinggi rendah.

cengkerik sj serangga, jengkerik, keridik.

cengkering I sj tumbuhan (pokok), *Erythrina fusca*; rumput ~ sj tumbuhan (rumpai), *Hedyotis glabra*.

cengkering II sj penyakit kulit yg disebabkan oleh virus, cacar air, jeluntung.

cengkeru sj tumbuhan (herba yg tumbuh di tempat-tempat berair), *Enhydra fluctuans*.

cengkerung cengkung atau lekuk (pd pipi, mata, dll).

cengki sudah tentu, memang, patut.

cengki (céngki) bernasib baik atau selalu mendapat apa yg dikehendaki (dlm permainan daun terup).

cengkiak □ kiak-kiak.

cengkian → **cemekian**.

cengkih 1. sj tumbuhan (pokok yg bunganya wangi atau buahnya mempunyai bau yg wangi, pedas rasanya, dibuat rempah, dll), *Eugenia aromatica*; **2.** gambar ukiran yg berupa bunga cengkih (pd barang-barang perak dll); **3.** nama daun terup besar yg gambarnya spt bunga cengkih (daun terup kelawar).

cengking bunyi kuat serta nyaring (spt bunyi anjing kena pukul).

cengkir Jw kelapa muda.

cengkok (céngkok) **I** bengkok; ~-beledok bengkok-bengkok (jalan dll).

cengkok (céngkok) **II** sj kera, cigak; **cengkuk**.

cengkol (céngkol) bengkok (bkn tangan).

cengkolong ark □ → **cengkelong**.

cengkuang sj tumbuhan (pokok), *Dracontomelum magniferum*.

cengkuas I; mencengkuas mengambil (membawa) sesuatu (dgn mengandarnya pd hujung tongkat dll).

cengkuas II (bkn muka) tidak bercukur, banyak janggut, ramus.

cengkuk sj keras.

cengkung I lekuk, cekung (mata, pipi, dll), cengkerung: *laki-laki yg ~ mukanya itu; ~-mengkung* sangat cengkung.

cengkung II bunyi kuat serta besar (spt bunyi anjing menyalak); ~-*cengking* bermacam-macam bunyi (spt bunyi anjing), dengkung-dengking.

cengkurai sl; *kain (sutera) ~ sj kain cindai*.

cengkut Ph hangus.

cengkuyung sj siput besar, kulitnya digunakan utk menggosok (melicinkan) kain; **tengkuyung**.

cengli (céngli) patut, memang, sudah semestinya, tentu sekali, masuk akal.

cengging; tercengging tercengang, termenung, melengung.

cengut Mn; **mencengut, tercengut** tercengang (melengung, kehairanan, dll), kecewa.

cenohom sj tumbuhan (herba, daunnya yg berbau sedap biasanya dibubuh dlm gulai), cendohom, kesum, *Polygonum flaccidum*.

cenok (cénok) **1.** sj burung, burung kerak, *Rhinortha chlorophaea*; **2.** = ~ karang sj burung, *Carpocaccyx renauldi*; **3.** sj burung, kaduk api, *Phaenicophaeus javanicus*.

cenonot 1. bahagian atas punggung ayam (tempat bulu ekor tumbuh); **2.** tulang tongkeng.

centadu □ → **cengkadak**.

centaka sl sj burung, jentayu.

centang (céntang) **I**; ~-*perenang* tidak bersusun (beraturan), lintang-pukang.

centang (céntang) **II** Jw ark; **mencentang** memberi tanda pd tulisan utk peringatan.

centang (céntang) **III**; **mencentang** memukul, menampar.

centawan sj tumbuhan (pokok yg dibuat ubat), *Conocephalus amoenus*.

centayu → **jentayu**.

centeng (centéng) Id **1.** jaga atau penjaga bangunan (gudang dll); **2.** mandur di ladang-ladang syarikat (persendirian); **3.** ark pengawas (pemeriksa) penjualan candu.

centet (centét) Jk **1.** menjadi kecil (pendek dll), menyentap, susut; **2.** menjimatkan, menghematkan.

centil → **sentil I**.

centong (céntong) **1.** pencedok yg tangkainya spt gayung dll; **2.** = ~ *nasi* senduk nasi;

mencentong mencedok dgn centong.

centung jambul (pd kepala burung dll), hujung rambut yg berikat.

cenua Kl sj tangkal (guna-guna) utk membuat orang jatuh kasih, ubat pengasih.

cenuk Kd; *minyak* ~ minyak yg diperoleh drpd pohon tengkawung, minyak kawang.

cenung; tercenung, tercenung-cenung termenung(-menung), termangu-mangu: *sekalian cucu kembali ~ dan berpandangan sesama sendiri apabila memikirkan perkara itu.*

cenuram Kd lurah (lereng bukit dll yg curam).

CEO kep *Chief Executive Officer* (Ketua Pegawai Eksekutif, iaitu pegawai tertinggi yg menerajui pengurusan sesebuah syarikat, perbadanan dsb).

ceongsam (céongsam) C sj pakaian wanita Cina berbelah di tepi dan berleher kepuk;

berceongsam berpakaian ceongsam.

cepat bunyi spt bunyi orang makan, cecap;

mencepak, mencepak-cepak mengecap-ngecap (ketika makan atau minum): *dia ~ kesedapan.*

cepat 1. laju, deras, kencang, pantas (bkn gerakan, waktu, kejadian, dll):

langkahnya makin ~; jentera tersebut berpusing dgn ~nya; ~ sekali

berakhirnya pertunjukan itu; 2. lebih lekas atau terdahulu (bkn

jam): jam ini ~ empat minit; 3. lekas, segera: dia yg ~ sekali pergi

ke sekolah; ~ bangun pagi;

~ kaki pantas berjalan; ~ kaki, ringan tangan pantas dan rajin

bekerja dll; ~ kiri kidal; ~ lidah (mulut, muncung, paruh) mudah

mengeluarkan perkataan dgn tidak difikirkan lebih dahulu; ~

marah lekas marah; ~ sigap pantas atau tangkas (perbuatan dll); ~

tangan suka mencuri; ~ tangan terjembakan, ~ kaki terlangkahkan,

~ mulut terkatakan prb jika melakukan sesuatu dgn tidak difikirkan

buruk baiknya, boleh mendatangkan kesusahan;

secepat; *~ kilat sangat cepat (spt kilat); ~ mungkin seberapa cepat*

yg dapat, selekas mungkin;

cepat-cepat dgn pantas sekali, dgn sangat cepat: *Mak Limah ~*

mengesat air matanya dgn hujung lengan baju kurungnya yg

lusuh; mereka ~ mengenakan pakaian masing-masing kerana

sudah lewat utk pergi ke sekolah;

secepat-cepatnya secepat mungkin, selekas mungkin, selekas-

lekasnya;

bercepat-cepat, bersecepat, bersicepat. 1. berlumba-lumba,

berebut-rebut hendakkan cepat; 2. lekas, terburu-buru, tergesa-

gesa: *tak usah ~ menyeberangi jalan, kereta terlalu banyak lalu-*

lalang;

mencepat menjadi cepat;

mencepatkan 1. melakukan (mengerjakan dll) dgn cepat, menderaskan, mengencangkan: *aku pun ~ langkahku*; 2. menyegerakan, melekaskan, menyebabkan berlaku lebih dahulu, memajukan waktu: *rumah yg ~ mereka kaya*;

mempercepat menjadikan lebih cepat;

cepatan kadar perubahan laju gerakan sesuatu dlm unit masa tertentu, pecutan;

kecepatan 1. cepatnya sesuatu perjalanan (gerakan dll), kelajuan: *~ putaran jentera itu dikendurkan; ia menjalankan keretanya dgn ~ 50 km sejam*; 2. Jk terlalu cepat;

pencepatan perihal mencepatkan;

pencepat alat utk mencepatkan atau mempercepat gerakan sesuatu.

cepatu ark → □ **sepatu I**.

cepeh (cépéh) terjantai ke bawah (bkn tanduk).

cepek (cépék) Kl lemah, lumpuh, tidak kuat.

cepatat Kl tidak sopan (manis).

cepeng (cépéng) Jk setengah sen, peser, rini.

ceper (cépér) 1. (bkn dulang, piring, dll) tidak mungkur, leper; 2. sj perkakas spt dulang (piring) biasanya drpd logam; *~ penyejat* radas makmal yg berbentuk mangkuk dan digunakan utk menyejatkan cecair; *~ Petri* radas makmal yg bulat leper dan tohor, lazimnya utk membiakkan mikroorganisma;

berceper memakai (beralaskan) ceper.

ceperas lencana.

cepiu sj topi biasanya dipakai oleh anggota tentera, polis, dll.

cepit → □ **sepit I**.

ceplok Jw bulatan yg diwarnai dll utk perhiasan (spt bunga bantal dll).

cepoh (cépoh) cacat pd kaki kerana bengkok dll.

cepol Jw tercabut, terbantun (barang yg melekat dll), rosak;

mencepol **1.** menumbuk (kepala dll); **2.** menarik dgn paksa.

ceporah K1 kotor pd mulut (spt berlumur lumpur dll).

cepu **1.** sj cembul utk tempat tembakau dll (dibuat drpd perak, kayu, dll);

2. sj kotak drpd mengkuang dll (utk membawa makanan, pakaian, dll); ~ *debunga* bahagian stamen yg mengandungi debunga, anter; *bagai* ~ *dgn tudungnya* prb sesuai benar (cocok sekali).

cepu berubah warna muka (kerana malu dll).

cepuah, cepuas kotor (spt kena arang dll), comot.

cepuh; mencepuh mencelup sesuatu dlm benda cair yg panas.

cepuk I sj kotak kecil (dibuat drpd kayu, logam, dll) sbg bekas makanan (tembakau dll).

cepuk II 1. bunyi spt bunyi orang menghempas kain sewaktu membasuh dll; **2.** pukulan;

mencepuk, mencepuk-cepuk 1. menepuk-nepuk air; **2.** memukul: *dicepuk dgn kasut*.

cepu sj tumbuhan (herba), letup-letup, *Physalis minima*.

cepumas jumlah nilai hadiah (biasanya berupa wang terkumpul) yg terbesar yg mungkin dimenangi dlm sesuatu permainan, pertaruhan, dsb.

cera K1 kurang sedap utk dimakan, kurang masak (empuk dll).

cerabah tidak elok dipandang (tidak kemas, kasar, dll), ceroboh.

cerabai → **jerabai**.

cerabih; mencerabih berceloteh.

ceracah → **cacah I**.

ceracak; berceracakan, menceracak mencuar ke atas (tajam-tajam), bercerancangan: *riak-riak air lembut melanggar tiang-tiang jejambat yg ~ di sekitar kapal itu; tunggul-tunggul yg hitam tampak ~*.

ceracam; menceracam membabi buta.

ceracap I sl alat bunyi-bunyian spt canang kecil atau buluh yg dihantuk-hantukkan.

ceracap II mata kail yg ada kait di hujungnya.

ceracat Kl sj alat utk menangkap ikan.

ceracau; menceracau mencacau, mengigau, merepek;

penceracau orang yg suka cerewet (membebel).

ceraco Mn cerca.

ceragah Kl cerangah.

cerah I 1. terang (bkn hari, bulan, lampu, langit, dll): *hari sudah ~*; **2.** jernih (bkn kaca dll); **3.** tidak hitam, agak putih (bkn kulit): *kulitnya ~*; **4.** berseri, tidak muram (bkn rupa muka): *wajah Cikgu Seman belum ~ betul*; **5.** ki baik, bahagia, elok: *kehidupan mereka menjadi bertambah-tambah ~*; **6.** ki berakal, cerdas: *mujurlah Abang Mat tu ~ sikit*;

~ ceria terang lagi bersih (bkn udara, cuaca, dll); *~ kulit* tidak hitam (dan tidak putih benar);

mencerahkan 1. menjadikan cerah (tidak gelap, terang), menerangkan: *cahaya lilin ~ ruang yg kecil itu*; **2.** menjadikan cerah (jernih), menjernihkan: *~ kaca*; **3.** menjadikan cerah (tidak hitam): *~ kulit*; **4.** menjadikan cerah (berseri, tidak muram), menyerikan: *berita itu ~ wajahnya yg tadinya agak muram*; **5.** menjadikan cerah (baik, elok, dsb), membahagiakan (kehidupan dsb): *~ kehidupannya sekeluarga; pelaburan ini akan ~ pertumbuhan ekonomi*;

kecerahan perihal cerah;

pencerahan perihal (perbuatan) mencerahkan sesuatu;

pencerah bahan yg mencerahkan (kulit dsb): *krim atau losen ~ kulit*.

cerah II; *~ muntah* Kl penyakit taun.

cerai 1. pisah, sarak; 2. tidak sbg suami isteri lagi, sudah putus perhubungan sbg suami isteri, talak: *ia tidak dapat berbuat apa-apa selain meminta ~ dan menyuruh suaminya mengahwini gadis itu;*

~ *susu* sudah berhenti menetek; ~ *taklik* cerai antara suami isteri dgn janji (spt gugurnya talak dgn sendiri kalau di darat enam bulan, ke laut setahun, berita tidak kedengaran); ~ *tembilang* cerai antara suami isteri kerana salah seorang meninggal;

bercerai 1. tidak bersatu (bercampur, berkumpul, bersama) lagi, berpisah, berpecah: *malam ini kita berkampung, malam esok kita ~;* 2. terputus hubungan atau pertalian sbg suami isteri: *mereka yg menjalani perkahwinan yg dipaksa-paksa spt itu, ~ juga akhirnya;* ~ *susu* berhenti menetek; ~ *tidak bertalak, bernikah tidak berkadi* = ~ *tidak bertalak, kembali tidak berkadi* prb perhubungan jenis lelaki perempuan yg tidak sah (spt pelacuran dll);

bercerai-cerai, bercerai-ceraian berpecah-pecah, berpisah-pisah;

menceraikan 1. = **memperceraikan** a) menjadikan tidak bercantum (bersatu, berhubungan) lagi: *jiwa paman akan beta ceraikan dgn badan paman; baiklah kepalaku perceraikan dgn badanku;* b) meleraikan (orang bergaduh, bertumbuk, dll); 2. memutuskan perhubungan sbg suami isteri, menggugurkan (menjatuhkan) talak: *Dollah kena acum, sebab itulah dia ~ isterinya;* 3. memberhentikan (anak drpd menetek), menyapih, menyarak;

mencerai-ceraikan menjadikan atau menyebabkan bercerai-cerai, memisah-misahkan: *gunakan dua garpu utk ~ daging yg telah direbus;*

tercerai terpisah, tidak terkumpul, terasing: *bahan-bahan utk penyelidikan itu ~-cerai di sana sini;*

ceraian 1. bahagian atau fasal kecil (dlm undang-undang, penyata, surat perjanjian, dll); **2.** bahagian drpd tulisan (cetakan dll) yg nampak tercerai drpd bahagian lain, perenggan;

perceraian 1. perpisahan, perpecahan; **2.** perihal (kejadian) bercerai (antara suami isteri);

penceraian perihal (perbuatan) menceraikan.

cerai-berai 1. berpisah-pisah (berselerak, berpecah-pecah) ke sana sini (dgn tidak tentu arah), porak-peranda; **2.** berpisah drpd bersatu sbg suami isteri, putus pertalian sbg suami isteri;

bercerai-berai berpisah-pisah;

menceraikan menyebabkan cerai-berai (porak-peranda dll), memecah-belahkan: *janganlah kamu mengikut jalan-jalan lain drpd Islam kerana jalan-jalan itu ~ kamu drpd jalan Allah.*

cerak Kl tentu, pasti.

ceraka I alat pengukup pakaian dll (dibuat drpd rotan dll).

ceraka II sj tumbuhan (herba), jarak, *Plumbago zeylanica*; ~ merah sj tumbuhan, *Plumbago rosea*.

cerakin I sj peti yg berpetak-petak tempat menyimpan ubat, pendadah.

cerakin II sj tumbuhan (pokok), *Croton tiglium*.

cerakin III; mencerakin, mencerakinkan 1. menyelidik atau menyiasat sesuatu keadaan (perbuatan, gejala, ciptaan, dll) utk mengetahui sebab-sebab (kedudukannya dll): *ia diakui sbg tokoh yg pertama ~ dasar-dasar ini*; **2.** menghuraikan sesuatu bahan kpd bahagian-bahagiannya (spt unsur dll); **3.** menghuraikan (memisahkan, menceraikan, dll) sesuatu kpd bahagian-bahagiannya: *prisma yg pertama ~ cahaya putih dan prisma yg kedua menghasilkannya*;

cerakinan 1. penyelidikan (utk mengetahui hal-hal, peristiwa, dll), penyiasatan; **2.** uraian (penyelidikan) kimia (utk menentukan

kandungan sesuatu dll); ~ *fizik (kimia)* uraian (penyelidikan) yg menggunakan kaedah fizik (kimia);

pencerakinan perihal (usaha, proses, dsb) mencerakin(kan);
analisis.

ceramah 1. suka bercakap-cakap, ramah, banyak bercakap; **2.** ucapan membicarakan sesuatu perkara (spt bahasa, politik, dll), syarahan: ~ *tentang bahasa menjadi suatu perhatian yg istimewa sekarang;*

berceramah memberi (menyampaikan) ceramah: *ketika saya sampai, ia sudah ~;*

menceramahkan membicarakan sesuatu perkara, memberi ceramah mengenai: *ia ~ masalah politik dunia;*

penceramah orang yg berceramah, pembicara: *sebelum ~ sampai, masing-masing sudah duduk di tempatnya.*

cerana I sj bekas tempat sirih dll (bentuknya bulat atau bujur spt dulang berkaki dan dibuat drpd logam); ~ *biduk* cerana yg rupanya spt biduk.

cerana II sj penyakit spt ketumbuhan yg berbahaya pd badan (boleh merebak ke bahagian lain).

cerancang (Hut) bahagian kayu yg pecah atau kumpulan selumbar yg tertinggal pd tunggul atau pd bahagian bawah pangkal balak selepas pokok ditebang;

bercerancang, bercerancangan mencuar-cuar tajam atau tinggi, berceracakan: *hutan itu kira-kira lima ekar telah dibuka dan bercerancangan tunggul-tunggul kayu.*

cerang sl kawasan dlm hutan bekas bercucuk tanam, bekas hutan yg sudah ditebang pokoknya atau yg tinggal sedikit sahaja pokok-pokoknya.

cerangga kurang sempurna pd anggota badan sejak dilahirkan: *oleh sebab ~ pd kedua-dua belah kakinya, dia sukar mencari pekerjaan.*

cerangghah; bercerangghah 1. (bkn tanduk rusa) bercabang-cabang; **2.** (bkn barang yg panjang-panjang spt pancang, tiang, dll) mencuar-cuar ke atas.

ceranguk; berceranguk duduk dgn kepala mendongak sedikit: *ia hendak menghiburkan hati cucu-cucu yg ~ di sekelilingnya.*

cerani sj kain putih tipis dan halus (kasa).

cerap; kurang ~ kurang periksa, kurang memerhatikan; *tak* ~ tidak endah, tidak tahu;

mencerap 1. memerhatikan, mengendahkan, menaruh minat pd; **2.**

Id menerima sesuatu dlm hati dgn pancaindera, menanggapi;

tercerap dapat dicerap oleh pancaindera;

cerapan sesuatu yg diterima dgn pancaindera (spt yg didengar, dilihat, dll), tanggapan;

pencerapan perbuatan (proses) mencerap sesuatu (fenomena, dll).

cerapu sj tumbuhan (pokok), cekau, cepu, cupak, mencupu, *Garcinia prainiana.*

ceras sj tumbuhan (pokok), *Phyllanthus reclinatus.*

cerat I muncung atau mulut pd cerek (paip air, teko, dll) tempat keluar air;

mencerat 1. menuangkan air dll melalui cerat; **2.** mengalir atau memancar dr cerat; **3.** minum dr cerat;

ceratan cerat yg kecil.

cerat II Kl, Tr pasti, tentu.

ceratai ark Mn; **mempercerataikan** mengumpat (menceritakan hal orang ke sana ke mari).

ceratuk; berceratuk, berceratukan duduk (ramai-ramai), nampak spt beratur banyak-banyak: *beberapa orang ~ di dlm bilik itu; tengok ~ cawan-cawannya di situ; kira-kira tiga belas buah rumah limas ~ di lereng anak bukit.*

cerau bunyi spt bunyi air hujan yg lebat;

bercerau-cerau berbunyi spt bunyi air hujan yg turun dgn lebat (bkn air yg jatuh mencurah dsb): *ya! Dapat tengok kerbau ragut rumput, tengok kerbau kencing ~.*

cerawat sl sj panah api.

cerbak Jw makan sebarang apa saja makanan, buruk makan, lahap, rakus.

cerbis jatuh pd tepinya (spt tebing sungai dll).

cerca = **cercaan** celaan, cacian: *jangan melanggar adat supaya tidak menimbulkan ~ drpd masyarakat kampung; ~ maki caci maki;*

mencerca, mencercai mengeluarkan kata-kata keji utk menghina (mengejek dsb), mencaci, mencela: *mereka terus-menerus ~ dan menghamburkan nista kepadanya;*

kecercaan keadaan kena cerca: *pemerintah yg mengelakkan ~ dgn melakukan peperangan di luar negeri;*

pencercaan perbuatan mencerca atau mencercai: *mencegah pemecahan janji setia dan ~ ke atas agama Allah.*

cercah ark; *se~ mata* selayang pandang, sececah mata.

cercak I bintik-bintik pd kulit, borek (bopeng) yg kecil-kecil, bercak.

cercak II sj alat bunyi-bunyian, ceracap.

cercap ark; **mencercap** (bkn ikan) berloncat-loncatan keluar.

cerdas 1. sempurna akal (utk berfikir, mengerti, dll), cerdas, pandai, pintar: *manusia ialah binatang yg ~ sekali; rakyat memerlukan pimpinan yg ~;*

2. sempurna pertumbuhan (perkembangan) badannya (spt sihat, tangkas, dll): *sukan itu menjadikan tubuh ~;*

mencerdaskan menyebabkan cerdas: *usaha itu dilancarkan utk ~ penduduk luar bandar yg terkebelakang; sukan itu dapat ~ tubuh;*

kecerdasan kesempurnaan akal (utk berfikir, mengerti, dll spt kepandaian, kepintaran, kecerdikan).

cerdik **1.** dapat mengerti dgn cepat, berakal, pandai: *Ali seorang pelajar yg ~*; **2.** banyak akal, licik, tahu tipu muslihat, pandai putar belit; ~ *buruk (busuk) pandai (suka) menipu*; ~ *pandai (cendekia)* (orang) cerdik lagi pandai, (orang) terpelajar; ~ *bagai ekor kerbau* prb orang yg melakukan sesuatu yg bodoh dan merugikan diri sendiri; *kalau hutang akan berbayaran juga, tidak guna orang ~ pandai* prb orang yg cerdik itu dapat mempertahankan yg salah menjadi benar (yg buruk menjadi baik); *siapa ~ tinggi naik, siapa calak menang berhitung* prb orang yg pandai bercakap putar belit akhirnya dipercayai juga cakupnya; **secerdik-cerdik** bagaimana (betapa) cerdik sekalipun: ~ *dia, akhirnya tertipu juga*;

mencerdikkan **1.** menjadikan (seseorang) cerdik, memandaikan: *ilmu tidak turun dr langit utk ~ insan*; **2.** menjadikan sistem komputer lebih canggih dan cekap: *kajian lanjut perlu dilakukan utk ~ komputer supaya dapat memahami bahasa*;

kecerdikan **1.** kepintaran, kepandaian; **2.** kecurangan, kelicikan.

cere (ceré); *padi* ~ sj padi, padi radin, *Oryza sativa*.

cerecek (cerécék) sj ikan air tawar, tempua, *Cyclocheilichthys apogon*.

cerek (cérék) **I** **1.** bekas air minum yg bermuncung (bercerat) biasanya dibuat drpd gangsa; **2.** bekas yg bercerat utk menjerang air dibuat drpd kaleng (aluminium dll); **3.** alat utk menyiram bunga dll.

cerek (cérék) **II** sj tumbuhan (pokok kecil yg daunnya dibuat ubat), secerek, sicerek, semuru, *Clausena excavata*;

~ *jantan* sj tumbuhan (pokok kecil), embalau, hempedu, beruang, lada pahit, *Brucea amarissima (sumatrana)*; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok), cemamar, *Micromelum minutum*.

cerek (cérék) **III** Kl sj alat bunyi-bunyian dlm permainan makyung (menora).

cerék (cérék) **IV** Kl; *hujan* ~ hujan rintik-rintik (renyai-renyai).

cereka (ceréka) cerita (kisah dsb) yg dikarang dan bukannya yg berasaskan kejadian atau peristiwa yg sebenarnya telah berlaku, cerita rekaan, fiksyen; ~ *sains cereka* tentang pengembaraan di angkasa lepas, dunia khayalan, kehidupan di planet lain dsb berdasarkan penemuan saintifik atau yg dijangkakan pd masa depan; *filem* ~ filem yg berasaskan atau yg menunjukkan cereka;

mencerekakan **1.** menjadikan cerita (kisah, dll); **2.** menceritakan atau mengisahkan sesuatu: *peristiwa itu dicerekakan oleh ayahnya sewaktu dia masih kecil*;

pencerekaan perihal (perbuatan) mencerekakan sesuatu (cerita, teks, dll): *kritikan ini mengambil kira unsur ~ teks sastera*.

cerékarama (cerékarama) cerita (yg berasaskan kisah atau peristiwa sebenar atau rekaan) yg difilemkan, filem yg mengisahkan atau menceritakan sesuatu: ~ *ini mengisahkan kehidupan pemaju perumahan*.

cerelis; *bentangor* ~ sj tumbuhan (pokok), bentangor batu, *Calophyllum floribundum*.

cerengkan tidak memberi penuh minat (perhatian) pd kerja.

ceret (cérét□) **I** → **cerék I**.

ceret (cérét) **II**; ~ *budak* sj tumbuhan (pokok), *Croton argyratum*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), lidah kerbau, sembung hutan, sekaca lima, *Clerodendron deflexum*; ~ *murai* sj tumbuhan (pokok), *Glycosmis malayana*; *pokok* ~ *murai* sj tumbuhan (herba), pokok genda rusa, *Staurogyne setigera*.

ceretek; **berceretek** berselerak: *kadang-kadang sambil menyepak tong-tong yg ~ di jalanan, dia terfikir juga kebodohnya*.

ceretet (cerétét); Kd **berceretet** berderet (benda, orang): *budak-budak itu duduk ~*.

cerewet (ceréwét) **1.** banyak cakap (ada sahaja yg tidak kena), suka berleter (mencela, bersungut, dll): *kalau sudah terlalu ~, tentulah anaknya keluar dr rumah itu*; **2.** berselok-belok dan memerlukan banyak kerja yg kecil-kecil (bkn pekerjaan dll), kalut, ruwet: *orang sekarang kurang membuat leman kerana kerjanya ~ sangat*;
mencereweti selalu memarahi (menegur, mencela, dll): *kalau dicereweti selalu, pasti ia akan meninggalkan rumah itu*;
kecerewetan perihal cerewet: *~ boleh saja berpunca drpd ketidaksesuaian jadual yg disediakan*.

cergas **1.** bertenaga dan giat (bkn orang, tubuh, otak, dsb), aktif: *Aminah kanak-kanak yg ~*; **2.** pantas, cepat: *mereka bergerak ~ sebaik-baik sahaja diberi perintah*; **3.** banyak menjalankan atau terlibat dlm kegiatan dsb, giat, aktif: *mengambil bahagian ~ dlm aktiviti sukan sekolahnya*; *sebuah jawatankuasa yg ~*; **4.** banyak kegiatannya menjual dan membeli (bkn pasaran saham); **5.** (masih) mengeluarkan wap dan lahar (bkn gunung berapi), aktif: *gunung berapi Etna masih ~*;

mencergaskan **1.** menjadikan cergas (tubuh, otak, dsb): *senaman boleh ~ otak*; **2.** menjadikan cergas (pantas, cepat), memantaskan, mencepatkan: *mereka ~ pergerakan kaki dan tangan dlm latihan itu*; **3.** menjadikan cergas (giat, aktif), menggiatkan, mengaktifkan: *~ kembali pergerakan Persatuan Belia di kampungnya*; **4.** menjadikan cergas (pasaran saham), membanyakkan kegiatan menjual dan membeli saham;

kecergasan **1.** perihal atau keadaan cergas (tubuh, otak, dsb): *menjaga ~ fikiran dan badan setiap hari*; **2.** perihal cergas (pantas, cepat), kepantasan, kecepatan: *~ kanak-kanak cacat itu membuat kerja-kerja tangan mengagumkan pengunjung-pengunjung ke pusat itu*; **3.** perihal cergas (giat, aktif), kegiatan, keaktifan: *~nya*

dlm pergerakan persatuan itu mendapat perhatian pihak atasan; 4. perihal cergas (pasaran saham); 5. perihal cergas (bkn gunung berapi), keaktifan.

ceri I; *gelang* ~ sj gelang (drpd kaca).

ceri □ **II** → **ceria II.**

ceri (céri) **1.** sj tumbuhan (pokok yg buahnya berwarna merah, kuning, atau hitam yg biasanya dimakan mentah atau diawet dan digunakan utk membuat biskut, kek, dsb), *Prunus spp.*; **2.** sj tumbuhan, kekut, kerkuk, kerkup siam, *Muntingia calabura.*

ceria I 1. bersih dan cantik (indah) (ruang atau kawasan tertentu): *ruang pejabat kelihatan ~ setelah dihiasi dgn pokok bunga; 2.* riang, gembira (perwatakan): *dia begitu ~ hari ini setelah lulus dgn cemerlang dlm peperiksaan tersebut; 3.* menarik (pakaian dll): *pakaian yg dipakainya kelihatan ~ sesuai dgn tubuh badannya yg langsing; 4.* sl tidak bernoda, suci, murni;

menceriakan 1. menjadikan sesuatu (ruang atau kawasan tertentu) ceria, membersihkan dan mencantikkan (mengindahkan): *para pelajar diarah ~ bilik darjah semasa kempen kebersihan berlangsung; 2.* menyebabkan seseorang kelihatan ceria, meriangkan, menggembirakan: *kelahiran anak sulungnya ~ kehidupan pasangan yg baru berumah tangga itu; 3.* menjadikan sesuatu kelihatan menarik: *pakaian para peserta yg beraneka warna ~ pesta kebudayaan yg gilang-gemilang itu; 4.* memurnikan, menyucikan;

keceriaan perihal (keadaan, sifat) ceria: ~ *bilik pejabat;*

penceriaan proses (perbuatan) menceriakan sesuatu atau seseorang.

ceria II ucapan (kata-kata) tertentu (sbg jampi) yg dibaca sewaktu menabalkan raja, kata-kata yg merupakan adat kebiasaan yg diucapkan kpd raja (sbg menyatakan kesetiaan).

ceria III; menceria mendidik, memelihara.

cericap sj burung, burung kelicap.

ceridau, ceridauan bunyi riuh (bising) spt bunyi orang berkelahi (ketawa beramai-ramai dll);

berceridau, berceridauan berbunyi riuh (spt orang berkelahi, ketawa beramai-ramai, dsb): ~ *bunyinya mereka itu bergurau senda*.

ceriga sl sj pedang pendek.

cerin KI kering (kulit yg kena matahari dll) □; → **cering**.

cering kering.

cering-cering rasa spt hendak demam.

cerit; mencerit menjerit.

cerita 1. kisah, riwayat (mengenai sesuatu peristiwa, kejadian, dll): *masing-masing termenung mendengarkan ~nya*; **2.** karangan atau lakonan yg mengisahkan peristiwa (kejadian dll) baik rekaan atau betul-betul terjadi: ~ *dlm buku itu sangat menyedihkan*; **3.** ki cakap kosong, kata-kata yg tiada kebenarannya: *ah, itu cuma ~ saja!*
~ *berbingkai* cerita yg mempunyai banyak cerita lain spt hikayat Bakhtiar dll; ~ *binatang* cerita rekaan bkn binatang (spt cerita Sang Kancil dll); ~ *jenaka* a) cerita yg menggelikan hati; b) (Sas) cerita rakyat yg menggelikan hati, mis *Pak Pandir* dan *Abu Nawas*; ~ *pendek* cerita yg pendek (tetapi membentangkan sesuatu kisah yg lengkap), cerpen; ~ *rakyat* cerita rekaan yg disukai ramai pd zaman dahulu dlm sesuatu masyarakat yg diturunkan drpd generasi kpd generasi secara lisan; ~ *rekaan* cerita tentang sesuatu perkara yg lahir hasil drpd daya khayalan penulis atau pengarangnya, cereka;

~ *tamsilan* cerita kiasan yg mengandung ajaran (biasanya binatang menjadi pelakunya); *dengarkan* ~ *burung*, *anak di pangku dilepaskan* prb kerana mendengarkan manis cakap orang, pekerjaan sendiri disia-siakan;

bercerita mengisahkan sesuatu cerita, bercakap, berbual: *mereka asyik* ~ *tentang hal-hal yg aku tidak mengerti*; ~ *panjang* ki menyatakan isi hati;

menceritai bercerita kpd: *aku diceritai mamak perkara itu*;

menceritakan 1. mengisahkan sesuatu kpd: *demikianlah diceritakan oleh yg empunya cerita*; 2. mengkhabarkan (memberitahukan, mengatakan, dll) sesuatu: *saya takut hendak* ~ *rahsia itu kepadanya*;

ceritaan Jk cerita;

penceritaan perihal menceritakan: *cara* ~ *dan pengutaraan wataknya agak istimewa*;

pencerita orang yg bercerita: *akulah* ~, *pelakon*, dan *pengarah sandiwara itu*.

ceritera cerita.

ceriwit sj burung, ceketing, *Lobivanellus indicus atronuchalis*.

cerkas cergas.

cerkau → **cekau**.

cerlak Kl peluang, kesempatan.

cerlang I cahaya terang; ~ *cemerlang* bercahaya terang;

mencerlang bercahaya, berkilau;

kecerlangan ki keelokan, keindahan.

cerlang II Kl; ~-*cerlak* (-*cerlok*) berlat-lat (berselang-selang).

cerlih sj tupai yg kecil, *Callosciurus spp*.

cerling I ark; **mencerling** mengerling.

cerling II sj burung, burung perling, cemperling, *Aplonis strigatus*.

cerlok → □ **cerlang II.**

cerlung; mencerlung memandang dgn mata yg terbeliak, menatap dgn tajam.

cermai 1. sj tumbuhan (pokok yg buahnya kecil-kecil dan masam), cermela, *Cicca acida*; **2.** = ~ belanda sj tumbuhan (pokok kecil), *Eugenia michelii*; **3.** = ~ burung a) sj tumbuhan (pokok), *Leptonychia heteroclita (glabra)*; b) sj tumbuhan (herba), *Indigofera hirsuta*.

cermak tula, kerama.

cermat 1. dgn penuh periksa (perhatian), saksama, teliti: *kabinet telah bersidang beberapa kali dan mengkaji dgn ~ sebelum mengambil keputusan itu*; **2.** hati-hati dlm berbelanja, hemat, jimat, tidak boros: *kalau tidak ~, takkanlah dia boleh jadi kaya*;

bercermat berhati-hati, berteliti: *kami berbual-bual dan masing-masing ~ menjaga adab supaya tidak berlaku langgar bahasa*;

mencermati mengecamkan, memerhatikan dgn sungguh-sungguh;

mencermatkan 1. melakukan sesuatu dgn cermat (teliti, hati-hati);

2. menghematkan, menjimatkan: *ia memberitahu saya bagaimana ~ wang belanja*;

kecermatan 1. perihal bercermat, ketelitian; **2.** perihal berhati-hati (beringat-ingat, berjimat), kehematan, kejimatan: *kehidupan mereka tergantung sangat-sangat pd ~ mereka menggunakan air*.

cermela cermai; ~ hutan a) sj tumbuhan (pokok renek), *Phyllanthus gomphocarpus*; b) sj tumbuhan (pokok renek), asin-asin, cekur (cekuk) manis, *Sauropus androgynus*.

cermi sj cacing dlm usus (perut), cacing kermi.

cermin I 1. = ~ muka kaca (biasanya dicat dgn raksa dll di bahagian belakangnya) utk melihat rupa muka sendiri, kaca muka: *ia menggantungkan ~ itu di dlm bilik tidur*; **2.** kaca, gelas: *ia*

menjengah-jengahkan mukanya ke tempat lauk-pauk yg dilingkungi ~ tebal; 3. ki = ~ perbandingan sesuatu yg dijadikan contoh (pelajaran, teladan) utk diikuti dll: tingkah laku seseorang guru itu menjadi ~ bagi murid-murid; 4. ki sesuatu yg menggambarkan (membayangkan) keadaan lahir atau batin (spt perasaan, fikiran, dll): sastera ialah ~ masyarakat tempat ia diciptakan;

~ bantal cermin kecil pd bantal seraga; ~ cekung cermin yg melengkung ke dlm; ~ cembung cermin yg melengkung ke luar spt bahagian luar bola; ~ mata kaca mata; ~ melengkung cermin yg cekung (cembung); ~ pembesar kanta yg digunakan utk melihat sesuatu dgn lebih besar; ~ penghidupan sesuatu yg boleh menjadi contoh (teladan, pelajaran) utk hidup; ~ sisi cermin yg dipasangkan pd sisi kanan atau pd kedua-dua sisi kenderaan (utk membolehkan pemandunya melihat kenderaan yg datang dr belakang); ~ tangan cermin kecil yg mempunyai tangkai pemegang; ~ telinga Id alat utk melihat dlm telinga; ~ terus sl cermin yg digunakan oleh tukang tilik (jurutenung) utk mengetahui atau meramalkan sesuatu; ~ wasiat cermin yg sakti atau hikmat; buruk muka ~ dibelah prb kerana kesalahan sendiri, orang lain yg dipersalahkan;

bercermin **1.** melihat muka sendiri dlm cermin (air jernih dll): *ia memakai pakaian sambil ~; 2.* memakai cermin, ada cerminnya, berkaca: *almari pakaian biasanya ~; ~ mata* memakai cermin mata; **3.** ki mengambil teladan (contoh, pelajaran): *kenapa kita mesti ~ kpd orang jahat; 4.* ki meneliti, memeriksa; *~ bangkai* mendapat (menanggung) malu; *jangan ~ di air keruh* prb jangan diturut teladan yg buruk;

mencermi melihat pd cermin (supaya dapat melihat muka sendiri dll): *bukan dicermi mukanya dahulu;*

mencerminkan membayangkan sesuatu yg lahir atau batin (spt sesuatu keadaan, pergolakan, perasaan, sikap, dll), menggambarkan: *akhbar tersebut ~ dasar luar Filipina; muzik dapat ~ perasaan sedih, gembira, dll;*

mempe(r)cermin 1. menggunakan sesuatu sbg cermin; **2.** = **mempercerminkan** selalu melihat (menyaksikan): *hatinya telah kian renggang drpd nafsu kpd wang berbilang, kpd pangkat kehormatan yg selalu dipercerminkan drpd Tuan Direktornya;*

tercermin tergambar, terbayang: *drpd ciptaan seninya yg bersungguh-sungguh itu, ~lah seluruh pergolakan jiwanya;*

cerminan gambaran, bayangan: *ketiga-tiga watak ini memang dimaksudkan sbg ~ setengah-setengah manusia;*

pencerminan perihal mencerminkan: *begitu juga karyanya lebih mementingkan unsur ~ sosial.*

cermin II; ~ batu sj tumbuhan (herba), *Pentasacme caudatum.*

cermin III 1. sj ikan laut, caping, sagai, *Caranx carangus*; **2.** sj ikan laut, betek, rambai, *Caranx armatus*; **3.** sj ikan laut, ebek, rambai landih, sagai, *Caranx gallus (Alectis indica).*

cerna ark **1.** hancur jadi sehati (bercampur, satu); **2.** (bkn makanan dlm perut), hadam, hancur jadi cair, larut;

mencerna menjadi hancur (luluh);

mencernakan 1. menghadamkan, menghancurkan (makanan hingga jadi larut atau cair utk diserapkan ke dlm darah): *kerja ~ makanan itu tamat di dlm usus kecil*; **2.** memasukkan atau menyerapkan (ke dlm fikiran, jiwa, hati, dll): *Ramli terpegun ~ buah tutur yg dipungutnya sepotong demi sepotong dgn bersusah payah;*

tercerna **1.** sudah dicernakan (dihadankan, diserapkan, dsb), terhadap; **2.** terserap: *dgn demikian, adat kebiasaan ~ dlm bentuk tulisan;*

ketercernaan perihal atau keadaan mudah (dapat, boleh) dicernakan, keterhadaman;

pencernaan proses mencernakan (makanan dlm perut), penghadaman: *soal ~ makanan dapat diatasi dgn pertolongan ubat.*

cero Kl, Tr cair: *kenapa teh ni ~?*

ceroboh I **1.** tidak senonoh atau tidak sopan (bkn kelakuan, perbuatan, dsb), melanggar tatasusila, biadab: *berlaku ~ terhadap anak gadis orang;* **2.** keji, hina;

menceroboh **1.** berbuat atau berlaku ceroboh (biadab, tidak senonoh, dsb): *engkau berani ~ memegang tangan anakku!; dialah orangnya yg selalu ~ masuk ke bilik gadis atau isteri orang;* **2.** masuk ke kawasan orang atau ke wilayah sesebuah negeri dsb tanpa kebenaran (dgn tujuan utk mengganggu, mencabuli, melanggar, dsb): *pengganas komunis telah ~ masuk ke kawasan sempadan Malaysia-Thai;*

mencerobohi **1.** melakukan perbuatan ceroboh (curang, tidak senonoh, dll) terhadap (seseorang), berlaku biadab terhadap perempuan utk mencemarkan kehormatannya dsb, mencabuli: *jadi kau yg masuk ke bilik Aida dan cuba hendak ~nya tadi?* **2.** memasuki kawasan orang atau wilayah sesebuah negeri dsb tanpa kebenaran (dgn tujuan hendak mengganggu, menyerang, mendudukinya, dsb): *bangsa yg berniat jahat sahaja yg ~ negeri orang; mempertahankan tanah air drpd dicerobohi tentera asing;*

ceroboh-mencerobohi saling mencerobohi: *satu tempoh kestabilan dan tidak ~ selama 40 tahun;*

kecerobohan perihal ceroboh, kecabulan, kebiadaban, ketidaksopanan (kelakuan, tindakan);

pencerobohan perihal (perbuatan, tindakan) menceroboh(i), pencabulan: *kita mesti mempertahankan diri drpd ~ musuh; kita sering terdengar rungutan nelayan kita tentang ~ nelayan asing ke kawasan perairan negara ini;*

penceroboh orang (negara dll) yg menceroboh(i).

ceroboh II Jk **1.** tidak hati-hati, tidak ingat-ingat, tidak cermat (teliti); **2.** gabas, kasar, tidak rapi atau kemas (perbuatan).

cerobong I paip (pembuluh) tempat keluar asap (pd kapal, kereta api, kilang, dll), serombong; **terobong.**

cerobong II sj tudung kepala (topi).

cerocok 1. sj alat, kerocok, orok-orok; **2.** Mn paip, pembuluh, serombong, cerat.

ceroi Kd cair (masakan yg berkuah).

ceroma sj tumbuhan (herba), akar lubang, akar ulam tikus, *Mikania scandens*.

cerompong muncung meriam (senapang).

ceronggok; berceronggok duduk berkumpul ramai-ramai: *mereka itu duduk ~ dgn hati yg amat masyghul.*

cerongkah; ~-*cerongkeh* tidak teratur, congkah-cangkih.

ceropong → **cerompong.**

cerot Pn seruan utk menyuruh gajah memasukkan kakinya ke dlm sengkela (pasung).

cerotok → □ **ceratuk.**

cerpa terpa (terkam).

cerpelai sj binatang drpd jenis musang, *Herpestes spp.*

cerpen (cerpén) cerita pendek: *Harun tidak sahaja menulis novel, tetapi juga mengarang ~; peraduan mengarang ~;*

bercerpen menulis cerpen: *sejak akhir-akhir ini dia ~ pula;*

mencerpenkan menghasilkan cerpen atau menulis karya kreatif yg berbentuk cerita pendek;

pencerpenan proses mencerpenkan sesuatu, penulisan cerita pendek: *keterampilan pengarang tersebut terserlah dalam bidang ~.*

cerpenis (cerpénis) penulis cerpen: *keadaan masyarakat selalu menjadi bahan-bahan sindiran ~ kita; Ishak Hj. Muhammad ialah seorang ~.*

cerpu sj lapik kaki (spt terompah) yg dibuat drpd kulit; *ke bawah ~ ke bawah duli.*

ceru → □ **cerul**.

cerua; *gelama* ~ sj ikan gelama, *Pseudosciaena aneus*.

cerubah Kd sj senjata lama.

cerucah, cerucuh sl sj perahu.

cerucuk 1. batang (kayu, besi, konkrit, dll) yg ditanam utk menguatkan asas (tapak) sesuatu bangunan atau struktur lain; 2. tembok pengempang ombak; 3. pancang-pancang yg dipacak di tepi laut; 4. pangkalan di pelabuhan, jeti; 5. ceracak, cerancang;

mencerucuk menanam cerucuk.

cerucup 1. sj rumput yg tajam-tajam sarung buahnya (bunganya), kemuncup, *Chrysopogon aciculatus*; 2. runcing, tajam, lancip;

mencerucup bercerancangan, mencuar-cuar tajam.

ceruh I sudah ditumbuk bersih-bersih hingga putih (bkn padi dll): *beras itu belum ~;*

menceruh menumbuk bagi kali yg keduanya supaya ceruh: ~ *beras.*

ceruh II curam, jeruh.

ceruh III Tr heboh.

ceruk I 1. sudut (penjuru, pojok, pelosok) dlm bilik (rumah dll): *duduk di ~ dapur*; 2. lubang, liang, ruang (pd dinding, dlm tanah, dlm timbunan barang, dll), gua, celah, sela; ~ *gunung* lembah gunung; 3. lekuk (pd geladak kapal, jalan, dll); 4. teluk yg kecil; 5. penjuru atau sudut jalan, lorong (jalan kecil dll); *di seluruh ~ rantau* di merata tempat, di mana-mana; ~-*meruk* bermacam-macam ceruk; **menceruk** 1. membuat ceruk dlm tanah; 2. masuk ke dlm (dekat) ceruk; **ceruk-menceruk** mencari ke semua ceruk; **terceruk** berada (duduk) di ceruk (penjuru); **caruk II**.

ceruk II Kl sabit (penyabit); **menceruk** menyabit.

cerul perul, pesai, serul.

cerun 1. curam, terjal; 2. lereng bukit (tebing dll) yg curam: *di ~ bukit di Mysore, terdapat kebun kopi yg luas*; **bercerun** mempunyai cerun; **kecerunan** keadaan cerun (curam, terjal), keterjalan.

ceruncup → **cerucup**.

cerung I; ~-*cerang* bunyi spt gelang kaki berhantuk-hantukan.

cerung II Kl; **bercerung** bermuafakat, bekerjasama, berkongsi.

cerunyas pecah-pecah, hancur: *ia menggigit-gigit pangkal cerutnya yg memang telah ~*.

cerup bunyi spt bunyi orang menghirup bubuk (air dll).

cerurut → **cencorot**.

cerut I; **mencerut** 1. mengikat (mengecut, membelit) di sekeliling sesuatu kuat-kuat, menjerut: ~ *leher*; 2. ki (berasa) sakit bagai dicerut: *perutnya mula berasa ~ kerana lapar*; 3. menyekat hingga sukar berkembang (maju dsb): *pd masa yg sama, pihak kerajaan tidak ~ pertumbuhan ekonomi*;

cerutan hasil (perbuatan) mencerut: *kelihatan ular besar itu melonggarkan sedikit ~nya pd rusa yg sudah tidak bermaya lagi;*

pencerutan perbuatan mencerut;

pencerut tali (orang dll) yg mencerut.

cerut II Kl, Tr sabit (penyabit);

mencerut memotong dgn cerut, menyabit: ~ *rumput*.

cerut III, cerutu sj rokok yg dibuat drpd daun tembakau kering yg digulung, serutu;

mencerut menghisap cerut.

cet (cét) I sr kata utk menyatakan perasaan tidak suka (gemar), cis.

cet (cét) II kep cetakan.

cetai; bercetai-cetai koyak-koyak, cabik-cabik, cabak-cabik;

mencetai-cetai mengoyak-ngoyak, mencabik-cabik.

cetak (cétak) 1. cap (tanda, huruf, dsb) pd kertas atau kain; *mesin* ~ mesin utk mengecap buku dll; **2.** = **cetakan** acuan (utk membuat kuih dll); ~ *kuih* acuan kuih;

~ *blok* kaedah mencetak yg menggunakan blok kayu atau logam yg diukir dgn berbagai-bagai corak dsb utk dicap pd kertas, kain dsb; ~ *semula* = ~ *ulang* cetakan kali kedua dll dgn tidak ada perubahan drpd cetakan pertama (buku dll); *bagaimana* ~ *begitu kuihnya* prb anak menurut kelakuan (sifat) bapanya (sesuatu itu menurut asalnya);

bercetak dicap: *kad hari raya* yg ~ *comel*;

mencetak 1. mengecapkan tulisan (gambar) pd kertas dll (utk membuat buku, surat khabar, dll): *mengikut kebiasaan, penerbit* ~ *sesebuah buku itu sebanyak 5000 naskhah*; **2.** mengecapkan lukisan pd kain: ~ *batik*; **3.** menuang sesuatu (logam dll) dlm acuan, membuat sesuatu dgn acuan: *timah dr lombong dicetak sebelum dijual*; ~ *kuih*; **4.** membuat (menjaringkan) gol (dlm

permainan bola sepak), memperoleh kemenangan (dlm perlawanan, perang, dll), memperoleh keuntungan: *sebelum rehat kelab kami telah ~ dua gol;*

mencetak mencetak sesuatu utk, menyuruh mencetak, menerbitkan sesuatu (buku dll);

cetakan 1. (buku, majalah, dll) yg dicetak (diterbitkan), terbitan, sesuatu yg dicetak, hasil mencetak (kain dll): *~ yg pertama buku itu ialah dgn huruf jawi;* **2.** acuan (kuih dll); **3.** ki sesuatu yg sudah dibentuk;

percetakan tempat (syarikat perniagaan) yg mencetak buku (majalah dll), pejabat cetak;

pencetakan kerja-kerja (proses, urusan) mencetak;

pencetak 1. orang (syarikat perniagaan dll) yg mencetak; **2.** orang yg kerjanya mencetak, tukang cetak; **3.** alat-alat yg dipakai utk mencetak; *~ warna* alat yg boleh mencetak teks, carta, lukisan dsb dlm berbagai-bagai warna pd kertas.

cetak rompak perbuatan menerbitkan hasil ciptaan atau karya penulis, pemuzik, penyanyi dsb, tanpa kebenaran, tanpa membayar royalti kpd mereka dsb: *masalah ~ bukan sahaja menjadi masalah penyanyi malah masalah para pengeluar keset;*

mencetak rompak menghasilkan semula, menerbitkan atau menggunakan bahan bercetak atau bahan rakaman (spt pita video, perisian komputer, kaset dsb) karya orang lain tanpa kebenaran atau secara haram, terutamanya utk tujuan memperoleh keuntungan: *polis berjaya menumpaskan sindiket ~ VCD; beberapa kegiatan ~ perisian komputer telah dapat dikesan oleh pihak berkuasa;*

pencetak rompak orang atau sindiket yg menjalankan kegiatan cetak rompak.

cetar; ~-*cetir* bunyi cemeti (sambuk, pecut, dll).

cetas bunyi spt bunyi orang menggores mancis.

cetek (céték) **1.** tidak dalam (bkn sungai dll), tohor, cangkat, dangkal:

binatang ini hidup di air yg ~ dekat pantai; **2.** tidak dalam atau tidak tinggi (bkn ilmu pengetahuan), dangkal: *pengetahuannya tentang perkara itu amat ~; dalam menyelam ~ bertimba* prb hasil yg sedikit itu digunakan dgn berpada-pada;

mencetekkan menjadikan cetek, menohorkan, mendangkalkan, mencangkatkan: ~ *sungai*;

kecetekkan **1.** perihal (keadaan) cetek (bkn sungai, telaga, dsb), ketohoran, kedangkalan, kecangkatan; **2.** perihal cetek (pengetahuan), kedangkalan: ~ *pengetahuannya jelas pd hujah-hujahnya*.

ceteng (céténg); **menceteng** menjinjing.

cetera I sl payung kebesaran kerajaan spt payung iram-iram (ubur-ubur dll); ~ *jantung* Id urat pipih yg menyekat rongga dada dan rongga jantung.

cetera II cerita, ceritera: *demikian mula ~nya*;

menceterakan menceritakan: *adapun diceterakan oleh orang yg punya cetera ini*.

ceterawara cerita sandiwara yg mempunyai satu babak (tidak ada selingan antara adegan-adegannya).

ceteri khemah, tenda (di kapal dll).

ceteria sl anak raja-raja, kesateria: *maka duduklah segala orang kaya-kaya, dan segala ~, sida-sida, bentara hulubalang, masing-masing pd martabatnya*.

ceteris paribus (séteris paribus) (Latin) (Eko) faktor (hal) lain tidak berubah.

ceti (céti) **I 1.** peminjam (pelepas) wang (biasanya berketurunan India) yg mengenakan bunga yg tinggi; ~ *haram* along; **2.** orang India dr Coromandel atau Malabar (selalunya berniaga).

ceti (céti) **II** tali barut (menghubungkan perempuan dgn laki-laki), muncikari, pinang muda, barua, jaruman, alku, ibu ayam;
menceti menjadi tali barut (menghubungkan perempuan dgn laki-laki).

cetok Jk **1.** sj tudung kepala (spt terendak cina); **2.** = *topi* ~ sj topi yg dibuat drpd gabus, topi keras.

cetok (cétok) **I** paruh;

mencetok mencatuk, memagut, mematuk.

cetok (cétok) **II** sj alat yg dipakai oleh tukang tembaga (loyang).

cetok (cétok) **III** Jw kerikil.

cetong (cétong) Kl, Tr bekas air minum dll (dibuat drpd logam), kole.

cetum Kl sapu tangan (kain dll) yg dipakai utk membungkus dan membawa sesuatu;

mencetum membungkus dgn memegang keempat-empat bucu sapu tangan atau kain utk membawa sesuatu.

cetus bunyi spt bunyi besi digoreskan ke batu dll; ~ *api* Mn pemetik api (drpd batu, besi, sabut, dll), teker; *bak* ~ *api* prb (orang yg) sangat cepat berkata (bekerja, bertindak, dll);

mencetus **1.** meletus (melompat) ke luar (bkn bunga api), mengeluarkan bunga api; **2.** = ~ *api* membuat api dgn menggunakan cetus api (gores api dll); **3.** Mn (bkn kuda dll) menggigit orang dgn diam-diam; **4.** Mn ki mencari-cari kesalahan;

mencetuskan **1.** menerbitkan, mengeluarkan (percikan atau bunga api); **2.** menimbulkan sesuatu (keadaan, peristiwa, perasaan, ilham, dll) dgn sekonyong-konyong, menerbitkan: *hasrat mereka utk ~ pemberontakan bersenjata bukanlah menjadi rahsia lagi; lawatan*

ke Infokraf mungkin ~ aneka ilham yg akan membuka lembaran baru;

tercetus berlaku (terjadi, timbul) sesuatu keadaan (kejadian, peristiwa dsb): *perkelahian itu ~ akibat perasaan dendam yg sudah lama terpendam;*

cetusan 1. apa yg ditimbulkan (dilahirkan dll), sesuatu yg terbit drpd, pancaran, jelmaan: *tulisan itu adalah satu ~ perasaannya;* **2.** = ~ *api cahaya api yg berkilat dll, bunga api yg terbit;*

pencetusan perihal mencetuskan atau menerbitkan (sesuatu): ~ *idea-idea baru di kalangan intelektual di universiti tidak mungkin berlaku jika pensyarah, mahasiswa, atau siswazahnya tidak banyak membaca;*

pencetus sesuatu yg mencetuskan: ~ *idea.*

cewang (céwang) Mn ark belum ada ketetapan fikiran, tidak tetap hati.

cewe (céwé) **1.** nama samaran bagi binatang (reptilia dll) yg pantang disebut nama betulnya; **2.** Kl ular;

~ *angin rusa;* ~ *aum (mengaum)* harimau; ~ *bek* kambing; ~ *bok* lembu; ~ *ceblek* ular; ~ *cek* tikus; ~ *deras* kuda; ~ *duri* landak; ~ *epek* badak; ~ *gigi jarak (panjang)* buaya; ~ *keng* anjing; ~ *kerek* monyet; ~ *kerek nyiur* tupai; ~ *kuning* sami Buddha; ~ *untut* gajah; ~ *wak* kerbau; ~ *yong* kucing.

ceweh (céwéh) **I** → **cewe.**

ceweh (céwéh) **II** Tr sial.

cewek (céwék) bp **1.** Id perempuan yg masih muda; **2.** teman wanita.

cewi (céwi) Kl, Pl suka menunjuk-nunjuk, suka menggaya (memakai pakaian yg cantik-cantik dll).

Cf simbol kimia bagi kalifornium.

CGPA kep *Cumulative Grade Pointer Average* (purata nilai gred kumulatif, iaitu sistem pengiraan himpunan markah pelajar di

institusi pengajian tinggi tertentu): *kursus itu ditawarkan kpd lulusan Diploma ITM dan UTM yg mendapat tidak kurang drpd 2.5 ~.*

chalet (syalé) sj rumah yg dibuat drpd kayu sbg tempat penginapan sementara utk pecuti atau pelancong: *tempat menginap tidak menjadi masalah kerana di pantai-pantai ini terdapat banyak ~.*

champagne (syémpén) sj wain putih dibuat di provinsi lama Champagne di Perancis.

Che Wong (ché wong) penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Senoi yg tinggal di pinggir daerah Raub dan Temerloh Pahang.

CHOGM akronim bagi *Commonwealth Heads of Government Meeting* (Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel).

ci I ukuran berat sebanyak 1/10 tahlil atau 3.78 gram (bagi menimbang candu).

ci II (Sunda) sungai.

ci III sr **1.** Kd kata utk memanggil gajah; **2.** Kl kata utk menyuruh lembu (kerbau) berjalan dll.

cia I kep lanca (beca).

cia II Kl anak drpd cicit.

CIA kep *Central Intelligence Agency* (Agensi Perisik Pusat, iaitu agensi Amerika Syarikat yg tugasnya ialah mendapatkan dan mengumpulkan maklumat rahsia terutamanya yg berkaitan dgn keselamatan negara).

ciabit; *ubi* ~ sj tumbuhan yg berumbi, ubi jabet, ubi ciapet, *Dioscorea pentaphylla*.

ciah-ciah Sl berkelakuan bebas atau berbuat sesuka hati saja (pd tempat yg berpenunggu dll).

ciak I bunyi spt bunyi anak ayam (burung); *~-ciap* = *~-miak* bermacam-macam bunyi ciak.

ciak □ **II** → **cak II**.

ciak III C bp makan.

ciak IV C anak drpd cicit.

cialat Kl bp celaka.

ciang I C menunggangi, menaiki.

ciang □ **II** → □ **cang IV**.

ciap bunyi spt bunyi anak ayam (burung); *~-miap* bermacam-macam bunyi ciap; *se~* *bagai ayam*, *sedencing* *bagai besi* prb sama-sama susah, sama-sama senang (seia sekata);

menciap, menciap-ciap berbunyi ciap(-ciap).

ciap-ciap sj burung, cicit, siul, *Rollulus roulroul*.

ciapit sj tumbuhan (pokok), gading jantan, semangkuk jantan, *Coffea malayana*.

ciar; menciari-ciar memekik-mekik (bunyi spt bunyi kanak-kanak menangis);

terciar-ciar terpekik-pekik, terkuak-kuak: *anak kecil itu menangis ~ kerana lapar susu*.

ciarik; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar riang-riang rimba, *Vitis wrayi*; *akar ~ putih* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Mallotus repandus*.

cias tidak sabar, meradang.

ciau I; menciau berkayuh (mengayuh) sambil berdiri (dgn menggunakan pengayuh panjang).

ciau II; terciu terselak (hingga nampak anggota spt melukah): *kain ~*.

ciau III periuk tanah tempat memasak air dll.

ciau □ **IV** → □ **ciu I**.

cicah I □ → **cecah I**.

cicah II sj tumbuhan (pokok) dlm famili Bignoniaceae, *Stereospermum spp.*

cicak sj reptilia kecil (badan dan ekornya panjang dan kakinya empat), *Hemidactylus spp.*;

~ *kubin* a) sj reptilia, *Draco volans*; b) ki (orang yg) sangat kurus;

~ *terbang* sj reptilia, *Ptychozoon kuhli*; *spt* ~ *makan kapur* prb a) beroleh malu kerana kesalahannya sendiri; b) bersenang hati (gembira).

cici → **cicit I.**

cicih; *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpit), rumpit buah, rumpit macap merah, rumpit sabut, *Daemonorhops hystrix*; *rumpit* ~ = *rumpit* ~ *minyak* sj tumbuhan (rumpit), rumpit duduk, rumpit kusum, *Daemonorhops calicarpus*; *rumpit* ~ *landak* sj tumbuhan (rumpit), rumpit air, rumpit cernang (jernang).

cicik I jijik, meluat;

mencicik menganggap cicik, membenci, menghina: *orang miskin jangan dicicik.*

cicik II ark; **mencicik 1.** mendesing, mendesis (bunyi air mendidih dll);
2. ki mengalir keluar (peluh).

cicil I Jw; **mencicil** mengansur, membayar beransur-ansur;

cicilan ansuran: *tiga ringgit sedikit sekali tuan, dgn apa saya bayar ~ sepeda saya*;

pencicilan perihal mencicil, pengansuran.

cicil II Jw; **mencicil** membelalak (mata), melihat dgn mata yg terbelalak.

cicinda bh cicit.

cicip I → **cecap.**

cicip II; **mencicip** berbunyi spt bunyi burung dll, mencicit, menciap.

cicir tumpah atau jatuh sedikit-sedikit (bkn barang yg berbiji-biji atau kecil-kecil);

berciciran tertumpah atau jatuh sedikit-sedikit dan bertaburan; *yg dikejar tak dapat, yg dikandung (dikendong) ~ prb apa yg dicari itu tidak diperoleh, barang yg ada pula hilang atau habis;*

mencicirkan menaburkan sedikit-sedikit, menyebabkan cicir (berciciran);

tercicir 1. tertumpah berciciran; **2.** jatuh (hilang) di tengah jalan (wang dll yg dibawa); **3.** tertinggal (di belakang) drpd kumpulan atau drpd teman-temannya; **4.** ki ketinggalan (dlm proses kemajuan dsb), ditinggalkan oleh orang (negara dll) yg terus mencapai kemajuan atau kejayaan;

keciciran ketinggalan (dlm proses kemajuan dsb), terciir.

cicit I anak kpd cucu.

cicit II; mencicit berbunyi spt bunyi anak burung dll.

cicit III; *burung ~ sj burung, burung ciap-ciap, burung siul, Rollulus roulroul.*

cicunguk → cecunguk.

CID kep *Criminal Investigation Department* (Jabatan Siasatan Jenayah).

cida; terciida terkehel (bahu dll).

cigak Mn kera; *bertukar beruk dgn ~ prb tidak ada perubahan (sama sahaja halnya).*

cih sr kata utk menyatakan marah (jijik, tidak suka, dll): *~ celaka kau Hitam!*

cik I singkatan bagi kecik (kecil): *pak ~ a) bapa saudara yg muda sekali; b) panggilan yg biasanya digunakan oleh kanak-kanak (kpd bapa kawannya atau orang yg sebaya dgn bapanya).*

cik II singkatan bagi encik (biasanya digunakan sebelum nama perempuan yg belum berkahwin atau sewaktu bercakap dgn perempuan atau lelaki yg tidak begitu dikenali): *C~ Aminah.*

cik III Mn tahi.

cik IV sr kata utk menghalau anjing dll.

cika I sakit perut serta muntah-muntah dan buang air (kerana salah makan), kedadak.

cika II; ~ *mas* sj tumbuhan (herba), *Acalypha indica*.

cikah kera.

cikalang sj ikan laut, tongkol.

cikar pedati (ditarik oleh kuda atau lembu).

cikerak I Jw; **cikerak-cikerak** melompat-lompat kesukaan (sukacita), jingkrak.

cikerak II Jk sj bakul sampah.

cikgu 1. guru: *dia ingin menjadi ~*; **2.** panggilan bagi guru: *C~ Fatimah*.

cikih sj tumbuhan (pokok), kulim, *Dysoxylum costulatum*.

cikil → □ **cekel I.**

cikok sl senduk: *maka laksamana pun mengambil sayur kangkung, disuapnya dgn ~ emas*.

cikori sj tumbuhan berbunga biru yg ditanam yg daunnya dapat dibuat salad dan akarnya dapat digunakan sbg pengganti kopi, *Cichorium intybus*.

cikrak → □ **cikerak I & II.**

ciku sj tumbuhan (pokok dan buahnya), sauh menila, *Achras zapota*.

cikun Mn; **bercikun-cikun** bermuafakat dgn diam-diam atau bersembunyi-sembunyi.

cikutan Jk tersedu-sedu.

cilap I ark; **tercilap-cilap** terkelip-kelip.

cilap II; **mencilap** mencuri; → **cilok.**

cilawagi sl nenek moyang tingkat yg kelima, datuk kpd moyang (orang tua, datuk, moyang, buyut, cilawagi), cakawari.

cili cabai, lada, *Capsicum spp*;

mencili bp menyentalkan, menenychkan atau menyapukan cili, terutamanya pd mulut seseorang: *dah dicilinya mulut anaknya yg celupar itu.*

cilik kecil: *tujuh model ~ menggayakan pakaian tradisional Melayu.*

cilim → **culim**.

cilok Mn; **mencilok** mencuri;

pencilok pencuri; **cilap II**.

cimcili sj burung murai.

cimni bp corong (drpd kaca) pd lampu minyak, setom.

cimpanzi sj mawas Afrika yg berbulu gelap tetapi lebih kecil drpd gorila,

Pan troglodytes.

cimplong; *dadu* ~ Id sj permainan dadu.

cin Pr sr kata utk menyuruh gajah berjalan perlahan-lahan.

Cina I bangsa yg nenek moyang mereka berasal dr negeri China (Tiongkok), Tionghua;

~ *buta* ki lelaki yg menikahi seseorang perempuan yg telah ditalak tiga oleh suaminya, kemudian diceraikannya supaya perempuan tersebut dapat berkahwin semula dgn bekas suaminya, muhalil; ~ *peranakan* a) keturunan orang Cina dgn orang dr bangsa lain; b) = ~ *peranakan Malaya* orang Cina yg dilahirkan di Malaya; *memperjual orang* ~ *penjahit* prb mengajar orang yg sudah memang pandai;

kecinaan yg berkaitan dgn orang atau bangsa Cina: *lukisan berus cina* menggambarkan estetika ~.

cina II; ~ *maki* a) sj tumbuhan (pokok), gelam bukit, *Leptospermum flavescens*; b) sj tumbuhan (pokok), cucur (hujan) atap, daing (Kl), rempah gunung (Ph), timur tasik, *Baekia frutescens*; *akar* ~ a) sj tumbuhan (pokok) akar berimbung, akar kacang betina (purai), akar sesudu, *Taeniochlaena griffithii*; b) sj tumbuhan (pokok

memanjat), akar kuning (kunyit-kunyit), *Limacia oblongata*; akar ~ bukit sj tumbuhan (pokok), akar selupat, *Iodes velu tina*; akar ~ putih sj tumbuhan (pokok memanjat), bunga jengkal, *Neuropeltis racemosa*; bunga ~ sj tumbuhan (pokok dan bunganya yg berwarna putih atau kuning yg biasanya berbau wangi), *Gardenia augusta*; kayu ~ sj tumbuhan (pokok), jati bukit, se(n)tada, *Podocarpus neriifolius*.

cinabeng (cinabéng) bk celaka, sial.

cinca sj kain tenun yg halus dan berbunga-bunga, kimkha, kingka.

cincai C bp; ~lah tak apalah, lebih kurang sajalah;

cincai-cincai tidak sungguh-sungguh (tidak teliti, tidak rapi), sembarangan.

cincang I → **cencang I**.

cincang II 1. sj tumbuhan (pokok), cungkil, kabau, semincang, terentang bulit, *Allophylus glaber*; **2.** sj tumbuhan (pokok), cungkil, belakang ular, leban bunga, tumbit kayu, *Allophylus ternatus*.

cincau C 1. sj agar-agar yg dibuat dgn membekukan air drpd daun sj tumbuhan (*Cyclea barbata*), sj lengkong (dimakan dgn air batu); **2.** = air ~ sj minuman manis yg mengandung potongan agar-agar air daun cincau, air lengkong; **3.** tumbuhan (air daunnya boleh dibekukan utk dibubuh dlm minuman), *Cyclea spp.*

cincilai sj burung murai, cimcili.

cincin I 1. sj perhiasan jari spt gelang yg biasanya dibuat drpd logam yg berharga (berpermata atau tidak); **2.** benda berlingkar yg rupanya spt gelang kecil;

~ *belah rotan* cincin tidak berpermata yg bulat di luar dan datar di dalamnya; ~ *berapi* cincin yg permata besarnya diapit oleh dua permata kecil; ~ *bindu* cincin yg dibentuk di atas bindu; ~ *bunga nyiur* cincin yg berupa simpai; ~ *cap* cincin yg memakai cap (utk

mengecap); ~ *garam sebuku* cincin satu permata; ~ *ikat balai* cincin yg memakai satu permata segi empat bujur; ~ *kahwin* cincin yg diberikan oleh suami kpd isteri pd hari perkahwinan; ~ *kerajaan* cincin diraja; ~ *ketering* cincin yg boleh dikeluarkan permatanya; ~ *limas(an)* cincin satu permata yg berbentuk piramid; ~ *mata tiga* cincin yg dihiasi tiga biji permata; ~ *mohor* cincin utk mengecap; ~ *pelir itik* = ~ *pelitik* = ~ *pintal* tiga cincin yg berbentuk rantai berlingkar; ~ *pertunangan* = ~ *tanda*; ~ *tahui* = ~ *tanya* cincin yg diberikan kpd ibu bapa gadis sewaktu hendak melamar; ~ *tanam* cincin yg tidak timbul permatanya; ~ *tanda* cincin yg diberikan sbg tanda pertunangan; ~ *tapak gajah* cincin yg atasnya datar dan berbentuk segi lapan;

~ *emas takkan tampan bermata kaca* prb gadis yg elok dan hartawan takkan sejodoh dgn orang miskin dan hodoh; *bagai si kudung mendapat* ~ prb berasa terlalu gembira mendapat sesuatu yg tidak pernah diperoleh; *spt ~ dgn permata* prb sama padan, cocok benar.

cincin II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar nyamuk jantan, akar nyirih, akar tulang daing padang, *Connarus grandis*.

cincong Id; **bercincong** melakukan perbuatan yg sia-sia spt banyak bercakap: *orang banyak terhenti drpd ~ sesama sendiri*.

cincu ketua atau wakil tuan punya kapal.

cinda singkatan bagi cicinda.

cindai I 1. sj kain sutera berbunga-bunga (warnanya menyerupai warna ular sawa): *Laksamana pun memakailah serba hitam, berbaju hayat memakai ~ pd bahunya*; **2.** bengkung (ikat pinggang, sabuk) drpd kain cindai;

~ *betina* = ~ *sari* cindai yg agak kasar tenunannya dan kecil corak bunganya; ~ *hari* sj cindai kembang; ~ *jantan* cindai yg halus dan

besar corak bunganya; *mati berkapas* ~ prb mati dgn nama yg baik (dipuji, dihormati, dll).

cindai II Mn; *si* ~ pontianak.

cindaku Mn orang yg boleh menjadi harimau jadi-jadian.

cindil Jk anak tikus.

cindur; ~ *mata* **1.** cenderamata, tanda mata; **2.** kekasih.

cing **1.** sr kata utk memanggil kucing: ~, ~! **2.** bunyi spt bunyi wang syiling jatuh ke batu, ting; **decing**.

cingah → **cingangah**.

cingam sj tumbuhan (pokok kecil), sebasah, *Scyphiphora hydrophyllacea*.

cingangah Mn ark; **tercingangah** terbuka luas, ternganga.

cingau sj tumbuhan (pokok renek), *Popowia tomentosa*.

cingge (cinggé) C perarakan kebudayaan sekumpulan orang (khususnya orang Cina di Pulau Pinang) yg secara bergilir-gilir menjulang dan mengimbangi sebatang tiang (besar, panjang) yg diikat bendera besar (bersegi tiga).

cingkambon Sr permintaan tambahan (spt emas, kain putih, dll) selain alat-alat yg tertentu oleh pihak gadis kpd pihak yg meminang.

cingkat buah kelapa muda, cengkir.

cinta **1.** perasaan atau berperasaan sangat sayang kpd (negara, orang tua, kebebasan, dll): *walaupun ~nya kpd keamanan amat kuat tetapi ia tetap mengangkat senjata kalau dicerobohi*; **2.** perasaan atau berperasaan sangat berahi (asyik, kasih, sayang) antara lelaki dan perempuan: *~ kpd suaminya masih tinggal bersarang dlm hati; barangkali kau masih ~ pd tunanganmu*; **3.** sl perasaan atau berperasaan dukacita (risau, bimbang, sedih, dll): *tiada terperikan ~nya serta bercucuran air matanya*; **4.** perasaan atau berperasaan

ingin akan sesuatu, rindu: *putera raja itu amat sangat ~ akan burung yg dilihatnya itu;*

~ berahi terlalu sangat cinta (asyik maksyuk); *~ kasih* sangat cinta dan kasih (kasih sayang); *~ monyet* cinta yg hanya sementara dan tidak serius, terutamanya di kalangan remaja; *~ pandang pertama* cinta yg timbul terhadap seseorang walaupun baru pertama kali melihat atau bertemu dengannya;

cintakan cinta akan, mencintai;

bercinta 1. menaruh rasa cinta atau berahi (asyik, kasih, sayang) antara lelaki dan perempuan: *elakkan drpd ~ sebelum lulus pelajaran;* **2.** berasa rindu; **3.** ki berat rasa hati utk melakukan sesuatu (kerana sesuatu sebab yg kurang menyenangkan): *kami sangat ~ utk pergi ke bank memandangkan lalu lintas yg sangat sesak;*

bercintakan 1. menaruh cinta atau kasih kpd, berahi kpd: *sbg laki-laki yg ~ seorang wanita, bagaimana jua pun setia wanita itu kepadanya, namun curiga hatinya akan timbul juga barang sedikit;* **2.** berperasaan rindu akan, ingin akan: *ia ~ benda yg sukar diperoleh;* **3.** sl berdukacita akan sesuatu, berasa sedih (pilu) hati akan sesuatu: *tujuh hari baginda tiada nobat ~ Bendahara Seri Wak Raja; janganlah kakang emas ~ permintaan Ratu Dewi Kesuma Indera itu;*

bercinta-cintaan 1. cinta-mencintai, berkasih-kasih: *baru hendak ~ dgn seorang perempuan, tiba-tiba ia diberi malu dan dihina;* **2.** bercengkerama atau bercumbu-cumbuan (antara lelaki dan perempuan): *sebelum hari malam, dia ~ dgn tunangannya;*

mencinta 1. menaruh cinta atau kasih (kpd); **2.** sl berdukacita (akan), bersedih hati, menyesal;

mencintai **1.** mengasihi, menaruh cinta pd: *ia ingin ~ dan dicintai*;
2. merindukan (hendak memperoleh sesuatu dll), mengharap-
harapkan, menginginkan: *tidak ada orang yg tak ~ duit*;

tercinta (yg) dicintai (dikasihi, disayangi): *engkau pisahkan aku
dr anakku yg ~*;

kecintaan **1.** perasaan cinta, kasih, kesayangan: *yg mempertalikan
hati suami dan isteri itu ialah ~ yg diikat oleh kesetiaan; seluruh
rakyat seharusnya menerima hakikat ini dan memberi sepenuh ~
kpd bahasa kebangsaan*; **2.** yg dicintai (dikasihi), kekasih: *pemuda
~nya bekerja sbg wartawan*; **3.** sl kerinduan kesedihan,
kebimbangan; **4.** sl menanggung cinta (sedih dll);

percintaan **1.** perihal bercinta-cintaan atau berkasih sayang (antara
laki-laki dan perempuan): *kahwin itu ialah kemuncak ~*; **2.** sl
perasaan dukacita (sedih, pilu, rindu, menyesal, dll), kesedihan,
kesusahan: *maka oleh bonda baginda kedua anakanda baginda,
kedua-dua anakanda baginda dipeluk dicitium, maka ~ bonda
baginda pun hilanglah*;

pencinta orang yg meminati dan mencintai sesuatu: *~ sastera*; *~
buku*.

cintamani sl **1.** sj permata bertuah yg boleh menolong tercapainya cita-
cita; **2.** = ular ~ sj ular yg mendatangkan kebahagiaan kpd orang yg
mendapatnya (terutama orang yg sedang berada dlm alam
percintaan).

cintamula sj tumbuhan (pokok), geronggang semut, *Ouratea crocea*.

cintan bp cinta.

cintuh sentuh.

ciok ark bunyi spt bunyi burung, ciak, ciap.

cip I bunyi spt bunyi burung pipit dll, ciak, ciap;

bercip-cip berbunyi cip-cip.

cip II □ mikrocip.

cip III; ~ *biru* (Eko) saham mewah.

cipai sj keras, *Semnopithecus melalophos*.

cipan I sl sj senjata spt kapak.

cipan II sj binatang, tenuk, tapir; **kipan**.

ciplak jiplak.

cipoa sempoa.

ciprah sj tumbuhan (pokok renek), cemperai, *Champereia griffithii*.

cipta angan-angan (khayalan), cita, fikiran, renungan; *daya* ~ kebolehan fikiran utk mereka sesuatu (karya seni dll);

mencipta menerbitkan atau menghasilkan sesuatu dgn daya fikiran atau imaginasi (khayalan): *utk dapat ~ cerita yg baik, diperlukan fantasi; guru hendaklah menggalakkan kebolehan ~ di kalangan kanak-kanak;*

menciptakan 1. mewujudkan (mengadakan, membuat, menjadikan) sesuatu dgn fikiran (kekuatan batin): *dunia diciptakan oleh Tuhan dgn kuasanya yg Maha Besar;* 2. mewujudkan (melahirkan, membuat, menjadikan) sesuatu yg baru: *Karl Marx bercita-cita ~ masyarakat yg sama rata;* 3. membuat (menjadikan) sesuatu drpd bahan-bahan yg lain: *drpd keledak pula ia ~ hasil-hasil spt sebatian getah yg berharga, kanji, halia tiruan, perekat, dll;* 4. menghasilkan karya seni (mengarang sajak, menggubah lagu, dll): *hanya dgn bakat sahaja sasterawan tidak dapat ~ novel yg bernilai; kalau mahu mendapat penghargaan, seniman mestilah ~ karya yg mengagumkan manusia;*

tercipta sudah diciptakan (dibuat, dijadikan), terwujud;

ciptaan sesuatu yg diciptakan, hasil kesenian: *lagu-lagu ~ seniman agung P.Ramlee; ia tidak mengharapkan siapa-siapa pun membeli atau memuji ~nya yg tergantung di bilik pameran itu;*

penciptaan perihal (usaha dsb) mencipta(kan);

pencipta (orang) yg menciptakan (menjadikan, membuat, mewujudkan): ~ *fesyen pakaian*.

cir sr kata utk mengejek (menghina dll).

circir sj loceng atau genta kecil.

ciri I sifat (unsur, tanda) yg khusus pd sesuatu (yg membezakannya drpd yg lain); ~ *seks sekunder* (Bio) ciri haiwan jantan (atau betina) yg membezakannya drpd haiwan betina (atau jantan), atau ciri lelaki yg membezakannya drpd wanita, akibat pengaruh hormon;

bercirikan mempunyai atau menunjukkan ciri atau sifat (yg tertentu): *sajak 'kucing' pula dianggapnya lebih ~ prosa drpd puisi*;

mencirikan menjadi ciri (kpd), merupakan sifat atau sifat-sifat sesuatu: *kepelbagaian yg ~ masyarakat dan budaya Asia Tenggara; kerumitan sentiasa ~ proses perubahan yg dihadapi oleh sebarang sistem*;

pencirian perbuatan mencirikan sesuatu: *teori ini bergantung pd ~ kebenaran*.

ciri II sl doa atau mantera yg dibaca sewaktu raja ditabalkan: *Batala membaca ~nya, maka Sang Nila Utama digelar oleh Batala, Seri Teri Buana*.

cirit 1. tahi cair; 2. keladak, endap-endap, hampas; 3. = ~-birit sakit terberak-berak;

~ *bintang* tahi bintang, bintang beralih (gugur); ~-birit (-mirit) (sakit) terberak-berak atau buang-buang air; ~ *kopi* (madat, minyak) keladak atau hampas kopi (madat, minyak);

menghendakkan ~ *harimau tergantung di ekornya* prb menginginkan sesuatu yg tidak mungkin diperoleh; *termakan (di)*

~ berendang prb termakan ubat guna-guna maka dikuasai (mengikut sahaja apa kata) orang;

mencirit terberak cair;

menciriti mengeluarkan cirit di, mengotori dgn cirit: *maka ia turun ke kolam hamba yg dua buah itu lalu diciritinya kolam itu kedua-duanya;*

menciritkan memberakkan; ~ *tunjang* Mn beranak;

tercirit terkeluar cirit, terberak cair.

cis I sr kata utk menyatakan perasaan marah (mencemuh, benci, dll);

mengeciskan mencemuh, mengatakan cis (kpd): *kerana perbuatan kau yg keji itu, nanti aku diciskan oleh orang di sini.*

cis II; *senapang* ~ bp senapang yg menggunakan patrum kecil.

cit I bunyi spt bunyi anak burung dll.

cit II kain cita; → □ **encit**.

cit III sr kata utk menyuruh gajah datang dekat.

cit IV; ~ *ku* sj ikan darat, *Carassius auratus*.

cita I 1. rasa, perasaan; **2.** keinginan, hasrat; **3.** gagasan, idea; **4.** sl cipta, angan-angan, fikiran: *kecil hati rupanya nyata, diangkanya kakang berubah ~*; **5.** cinta, rindu (akan): *jikalau anakanda sesak sukar sesuatu hal, bakarlah kemenyan mandung jati itu, ~lah nama ayahanda, nescaya datanglah ayahanda;*

cita-cita 1. harapan, hasrat, keinginan (yg kuat): *seakan-akan digerakkan oleh ~ hendak bertemu dgn anak bininya; ~nya ingin menjadi jurutera apabila besar kelak*; **2.** maksud, tujuan yg hendak dilaksanakan: *aku rintang pekerjaannya itu dgn ~ yg luhur;*

bercita-cita 1. ada cita-citanya, mempunyai cita-cita: *kita bukan hidup sbg haiwan yg tidak ~*; **2.** berharap (akan), berhasrat (akan), berniat (akan): *sbg pemimpin, ia ~ mewujudkan masyarakat yg bebas dan aman makmur;*

mencita sl menciptakan, mewujudkan sesuatu dgn kuasa batin (sakti): *masing-masing pun ~ saktinya pula lalu menjadi naga turun ke dlm laut; pucuk dicita ulam mendatang* prb yg diperoleh lebih drpd yg dikehendaki;

mencita-cita, mencita-citakan **1.** mengangankan, mengharapkan, menghendaki, mengimpikan: *dia tahu kalau dia terus berkeras melawannya, tentulah segala-gala yg dicita-citakan itu akan musnah;* **2.** membayangkan dlm fikiran, menggambarkan (melukiskan) kpd: *dlm ceramahnya itu, ia ~ demokrasi sosial yg akan dibentuk utk menjamin kebahagiaan ekonomi setiap lapisan rakyat.*

cita **II** sj kain drpd kapas utk dibuat pakaian (berbunga-bunga atau berwarna).

citah sj binatang liar di Afrika yg bertompok spt harimau bintang, *Acinonyx jubatus.*

cita rasa **1.** rasa spt sedap (lazat dsb); **2.** kegemaran dan pilihan, kegemaran dan kecenderungan: *setiap penonton mempunyai keinginan, ~ atau pandangan yg tertentu, khusus utk sesebuah rancangan terbitan RTM;*

bercita rasa mempunyai cita rasa;

bercitarasakan mempunyai atau berdasarkan sesuatu sbg cita rasa: *adalah bagus sekiranya perlumbaan ini ~ budaya Malaysia.*

citra **1.** sl gambar, lukisan, arca. **2.** gambaran atau imej peribadi seseorang (barangan, organisasi, dll): *yg menarik tentang cerita tersebut ialah usaha Arena Wati utk membina ~ wanita;*

bercitra memiliki atau mempunyai gambaran tentang peribadi seseorang (barangan dll);

citraan kaedah (cara) membentuk gambaran seseorang atau sesuatu;

kecitraan hal (sifat) yg berkaitan dgn citra;

percitraan perihal bercitra: *pelbagai aspek sastera spt tema, plot, ~ dapat menonjolkan ciri-ciri keindahan novel itu.*

ciu I sj tikar tebal tiga rangkap yg dihias dgn emas (perak); *jikalau kita duduk di atas ~ emas sekalipun, namun hati tiada senang jua prb jika hati tidak suka, bagaimana senang pun, tetap berdukacita juga.*

ciu II sj minuman keras, arak.

cium = ciuman;

bercium 1. menyedut dgn hidung antara satu dgn lain (utk menyatakan rindu, sayang, dll): *semuanya berpeluk ~ dgn Indrajit;*

2. berkucup;

bercium-ciuman saling menyedut dgn hidung atau saling mengucup (utk melahirkan perasaan kasih, berahi, rindu, dsb): *cinta bebas bukanlah bererti bebas berpeluk-pelukan dan ~;*

mencium 1. menyedut sesuatu dgn hidung (utk mengetahui bau): *kalau tidak dicitium, manakan tahu busuk wanginya bedak ini;* **2.** menyedut pipi (ubun-ubun dll) orang dgn hidung: *maka baginda pun segeralah memeluk dan ~ anakanda dgn tangisnya;* **3.** melekatkan atau mengenakan bibir pd sesuatu, mengucup; **4.** ki mendapat berita (khabar, tahu, keterangan, dll), mengetahui sesuatu hal yg terselindung (dirahsiakan dll), menjejaki (menyelidiki) rahsia, perkara, hal, dll: *belum pun dia habis bercakap, saya sudah dapat ~ maksudnya yg sebenar;* **5.** bp melanggar, berantuk, terbentur (pd): *kalau kena penumbuknya, ~ tanah mukamu nanti;* **6.** menikmati: *melainkan tidak akan ~ bau syurga;*

menciumi 1. mencium berulang kali: *dia ~ anaknya utk melepaskan perasaan rindu dendamnya;* **2.** ki menjejaki (mencari-

cari, mengusut) sesuatu perkara: *mata-mata gelap sedang ~ jejak orang yg disyaki bertanggungjawab melakukan pembunuhan itu;*

tercium 1. dapat mencium, mendapat bau; **2.** mencium atau dicium dgn tidak sengaja; **3.** ki mendapat tahu (maklumat, keterangan, dll), telah diketahui: *telah ~ olehnya jejak kita;*

ciuman 1. sedutan dgn hidung; **2.** kucupan;

perciuman perbuatan bercium;

penciuman 1. perihal (perbuatan) mencium(i); **2.** pencium: ~ *Si Tenggang sangat tajam;*

pencium 1. deria bau, pancaindera utk mencium: *tiap-tiap manusia memiliki hidung sbg alat ~;* **2.** orang yg mencium.

ciur → □ **ciu I.**

ciut I bunyi spt bunyi engsel pintu sewaktu pintu dibuka dll;

berciut, berciut-ciut, menciut, menciut-ciut berbunyi ciut(-ciut): *menciut bunyi tayar keretanya menggigit aspal.*

ciut II Jk **1.** sempit, picik, tidak luas (lapang); **2.** menjadi sempit (picik, pendek, susut).

Cl simbol kimia bagi klorin.

clila; ~-*clili* Jw, bp malu-malu dgn melihat-lihat ke kiri dan ke kanan.

cm kep sentimeter.

Cm simbol kimia bagi kurium.

co Kd cuba.

Co simbol kimia bagi kobalt.

coang I; bercoang, bercoangan, mencoang kelihatan tegak menganjur ke atas (spt pancang, jermal, dll), kelihatan mencuar(-cuar); **mencoangkan** menganjurkan ke atas, mengunjukkan sesuatu kpd; **tercoang** tertegak menganjur ke atas, tercuar.

coang II Mn; **mencoang-coang** ulang-alik tidak tentu arah yg dituju, (berjalan dll) ke sana sini (mundar-mandir).

cobak I bp cuba.

cobak II; ~-*cabik* cabik-cabik, koyak-koyak, robak-robak.

cobar; ~-*cabir* cabir-cabir, cabik-cabik, koyak-koyak.

cobek (cobék) **I** tempat menggiling lada (spt piring rupanya), cuik; *anak*
~ penggiling utk cobek.

cobek (cobék) **II** cabek, sobek, cubit.

cobeng (cobéng) Kl, bp kemaluan kanak-kanak perempuan.

COBOL (kobol) akronim bagi *Common Business Oriented Language*
(Bahasa Tertuju Perniagaan Sepunya).

cobong Tr, Kl bengkak, benjol; *bengkak* ~ terlalu bengkak.

cocoh 1. Kl cucuk; **2.** Tr hasut;

mencocoh ki menumbuk rusuk, memberi makan suap.

cocok 1. sesuai benar, kena benar, sepadan (dgn): *namanya telah ditukarnya dgn nama yg ~ dgn kehinaannya*; **2.** setuju, bersefahaman, sepakat: *mereka tidak ~ lagi utk hidup sbg suami isteri*; **3.** sama benar, tidak berbeza: *kita tidak akan bertemu dgn dua fikiran yg ~ tentang lukisan ini selagi fikiran itu dilahirkan oleh dua orang manusia*; **4.** tepat, betul: *jamnya tidak ~*; **5.** setuju di hati, suka: *apabila ~ rasanya, bolehlah dipesan barang ini dgn segera*; **6.** serasi: *ubat ini tidak ~ dengannya*;

secocok sesuai (dgn), setuju: *sesungguhnya perbualan secara begini, sangat tidak sebulu dan ~ dgn Jamilah*;

mencocokkan 1. menyesuaikan, menjadikan supaya cocok (setuju dll); **2.** membandingkan dll utk mengetahui cocok tidaknya (sesuai tidaknya dll); **3.** memusingkan jarum jam supaya cocok (betul masanya), membetulkan jam;

kecocokan perihal cocok, kesesuaian, kesamaan: *perkenalan yg sekali ini, entah lantaran ~ tabiat, makanya dia selekas itu benar karib dgn gadis itu*;

ketaksecocokan keadaan tidak secocok: ~ *antara dua sistem nilai*.

cocol I Jk; **mencocol** mencecah (sambal, seri kaya, dll);

mencocolkan mencecahkan (pd).

cocol II ark; **mencocol** menganjur (menonjol), mencuar.

cocor; **mencocor** menyodok atau menyungkit (bola) dgn hujung kasut (kaki).

codak; **mencodak** menganjur tegak ke depan (bkn kepala ular, kepala orang sewaktu berenang, dll), mendongak;

mencodakkan mendongakkan (menganjurkan) kepala;

tercodak terdongak (tertonjol) ke depan.

codang → **codak**.

codet (codét) Jk bekas luka (di muka, dahi, dll).

codot Jk sj kelawar yg memakan buah-buahan.

cogah Mn ark cagah, elok, bagus (bkn pakaian dll), kaya.

cogak Kl permainan kejar-mengejar.

cogan 1. panji-panji atau lencana sbg lambang (semboyan): ~ *dibawa di hadapan raja*; **2.** cogan kata;

~ *alam* tombak kerajaan yg berhiaskan emas pd mata dan batangnya, jogan.

cogan kata kata atau ungkapan ringkas yg menarik dan mudah diingat yg mengandungi unsur ideologi, pegangan hidup, perjuangan dsb sesuatu organisasi (kempen, pengiklanan dsb), kata-kata semboyan, moto, slogan: ~ *'Bahasa Jiwa Bangsa'*;

bercogankatakan mempunyai sesuatu sbg cogan kata, berslogankan: *perjuangan mereka* ~ *"Hidup Melayu!"*.

cognac (koniak) sj minuman keras (khususnya dr daerah sekitar bandar Cognac, Perancis) yg disuling drpd wain putih.

cogo Jw (orang) bodoh.

cogok; **tercogok** tertegak; **tercongkok**.

cok I; ~ *sanggul* cucuk sanggul, cucuk rambut.

cok II sj burung pipit, cak; ~ *padang* sj burung, *Pericrocotus divaricatus*.

cok III Kd, bp kemaluan anak lelaki.

cok IV; ~-*cit* bermacam-macam bunyi spt bunyi burung dll.

cok V injap dlm karburetor enjin petrol yg mengurangkan kemasukan udara ke dlm enjin dan memudahkannya utk dihidupkan.

cok VI Kl, Tr cangkul yg lurus.

cokak □ Kl → □ **congkak III**.

cokar → **jogar**.

cokeh (cokéh) Kl, Tr; **mencokeh** 1. mencungkil, menyungkit; 2. mengandar (memikul) sesuatu pd hujung kandar dll;

mencokehkan mencungkilkan, menyungkitkan: *beberapa kali pulasan itu ~ tanah yg berketul dan berkematu*.

cokek (cokék) Jk majlis tarian yg memakai gamelan.

cokeng (cokéng); **tercokeng** menganjur tegak lurus, berdiri terpacak.

cokera (Hindustan) budak suruhan, bujang, boi, pelayan.

coket (cokét); **mencoket** mengambil sedikit, mencolek.

coklat 1. sediaan makanan yg dibuat drpd biji koko panggang yg dikisar, biasanya dimaniskan dan dibubuh perisa; 2. minuman yg dibuat dgn membancuh coklat dgn air panas atau susu; 3. gula-gula yg dibuat drpd, atau disalut dgn, coklat; 4. = *warna* ~ warna perang tua; *warna* ~ *tua* warna coklat yg sangat gelap;

kecoklatan kelihatan agak coklat: *lantai mozek berwarna ~*.

cokmar 1. sl sj batang besar dan berat yg kepalanya dibuat berduri-duri dan digunakan sbg senjata; 2. sj batang drpd logam yg berukir indah, digunakan sbg tanda kebesaran atau kekuasaan dlm upacara tertentu (spt sewaktu memulakan sidang parlimen, upacara diraja, dsb).

cokoh; tercokoh termenung, melengung; *duduk* ~ duduk melengung.

cokok I; mencokok mencebur (mencempung) air sewaktu mandi.

cokok II bunyi jeritan (teriakan) orang latah;

mencokok menjerit (orang latah), memekik.

cokok III Mn; mencokok menangkap (ayam, ikan, dll).

cokok IV; parang ~ sj parang yg cengkok.

cokok V; pencokok orang yg jahat, penipu, bicokok.

cokol Jk; bercokol 1. duduk berkumpul beramai-ramai (di); **2.** ki (bkn kumpulan penyamun dll) tinggal (di), bersarang (di);

mencokolkan meletakkan periuk (cerek dll) di atas dapur (anglo dll).

cokola ark coklat.

cokot Jw; mencokot menggigit, menyengat.

cola; ~-cala omong (cakap) kosong, borak.

colar; ~-calar cakar-balar, calar-balar.

colek (colék) I; secolek 1. sebanyak yg disentuh (diambil, dicalit) dgn hujung jari; **2.** sedikit sangat, sececah: *dia beri kuih ~ sahaja kpd adiknya;*

mencolek 1. menyentuh (mengambil, mencalit, dll) dgn hujung jari: *kelihatan ia ~ dinding dgn telunjuk kanannya;* **2.** mencecah kuah (manisan dll); **3.** mencungkil dgn hujung jari (bilah dll) utk mengeluarkan atau mengambil sesuatu: ~ *tahi telinga dgn rokok daun;* **4.** menggores (memantik) dgn bilah gores api dll; **5.** menyentuh (menggamit) dgn hujung jari; ~ *gamit* memegang-megang (menyentuh-nyentuh, menggeletek, dll) spt pd masa bersenda gurau dll; ~ *hati* menggelikan hati;

pencolek; ~ api Kl mancis, korek api.

colek (colék) II Mn; mencolek menghasut, menaikkan darah, menimbulkan kemarahan.

colek (colék) **III** Kl, Tr **1.** buah-buahan yg dicecah dgn pencecah; **2.** sj sambal yg cair utk dicecah dgn buah-buahan, keropok, dll.

colet (colét) → **colek I.**

coli baju dalam perempuan utk mengampu buah dada, kutang.

colok I 1. suluh yg dibuat drpd kain buruk yg dililitkan pd kayu dll dan dicelup ke dlm minyak; **2.** bilah yg dibubuhi damar (belerang dll) utk dibuat suluh; **3.** belang putih pd ekor anjing yg hitam; **4.** Tr mancis api; **5.** bilah yg disalut dgn campuran habuk kayu, tanah liat, dll utk dibakar ketika menyembah tokong dll (biasanya digunakan oleh orang Cina);

mencolok, mencoloki menyulahi dgn colok.

colok II; mencolok 1. mencucuk (menusuk); **2.** = ~ *mata* a) mencucuk mata; b) ki tampak jelas, kelihatan jelas benar; c) membangkitkan marah orang yg melihat, menyakitkan hati, memberi malu: *apabila berlaku peristiwa-peristiwa yg ~ mata, menyakitkan hati, kita hanya menggeleng-gelengkan kepala sahaja.*

colok III Mn celup; *jatuh (turun)* ~ ki jatuh (turun) darjat (kedudukan dll), jatuh miskin;

mencolok mencelup.

colong Jk; **mencolong** = **nyolong** mencuri.

colot Jk; **mencolot** melompat (meloncat) spt katak.

com Kd masam muka.

comber (combér); **comberan, pe(n)comberan** tempat membuang air kotor, longkang, pelimbahan.

comblang Jk orang tengah, ibu ayam, pinang muda, muncikari.

combol tombol (pd pintu).

combong Jk pisau yg ada lubang pd bilahnya (dianggap bertuah).

comek (comék) **I** bulu yg tumbuh di antara dagu dan bibir bawah.

comek (comék) **II** sj sotong (cumi-cumi).

comel (comél) **I** **1.** cantik dan menarik (bkn kanak-kanak); **2.** cantik dan menarik serta kecil orangnya (bkn gadis atau wanita), kecil molek; **3.** kecil dan cantik (bkn benda, binatang, dsb) kecil dan cantik;

mencomelkan menjadikan comel;

kecomelan perihal comel.

comel (comél) **II** **1.** perkataan yg diucapkan dgn tidak tentu biji butirnya (spt perkataan orang berleter, menggerutu, dsb); **2.** = **pencomel** suka merungut (mengomel, berleter), pengomel, peleter;

mencomel mengucapkan perkataan yg tidak tentu biji butirnya (spt orang yg sedang berleter, menggerutu, dsb), merungut, mengomel;

mencomeli, merunguti, mengomeli, meleteri;

comelan sungutan, leteran, omelan.

comok Tr comot.

comor kotor sekali, comot;

mencomor K1 menyapu (cat dll), melumurkan: *rumahnya dicomor dgn cat putih.*

comot **I** kotor sekali (spt berlumuran lumpur, arang, dll): *pakaian mereka ~ dan kotor kena tanah; ~-momot* sangat kotor;

mencomotkan menjadikan atau menyebabkan comot: *tangannya yg berlumuran dgn minyak telah ~ baju dan mukanya;*

kecomotan perihal (keadaan, sifat dsb) comot.

comot **II** Jk; **mencomot** menggenggam (mengambil) dgn mengaup dgn kelima-lima jari: *~ nasi.*

compang; *~-camping* koyak-koyak (bkn kain, baju, dll), cabik-cabik, cobak-cabik: *menyamar memakai baju ~-camping.*

compeng (compéng) koyak-koyak pd tepinya (bkn pakaian, kain, dll).

compes (compés), **compis** sumbing-sumbing pd tepinya (pinggan, piring, dll).

compoh C tukang masak di kapal.

compor harimau congkok (campa).

concong; menconcong berjalan terus dgn tidak memandang-mandang ke kiri kanan, menonong.

condak; *~-candik* tidak teratur (tersusun), congkah-cangkih: *buah kepayang ~-candik, dgn sedahan dipanjat dik beruk.*

condong 1. senget (miring) ke sebelah, tidak tegak lurus, cenderung: *palung ialah pancur ~ tempat mengalirnya bijih timah; matahari ~ (ke barat) matahari sudah turun; 2.* ki suka pd, menyebelahi (memihak) kpd, cenderung: *dia ialah sasterawan yg lebih ~ kpd faham kebangsaan tidak fanatik;*

~ yg akan menongkat, rebah yg akan menegakkan Mn prb ketua yg akan membantu rakyatnya (anak buahnya) kalau mereka dlm kesusahan; *~ ditumpil, lemah dianduh* Mn prb orang yg dlm kesusahan wang (akal dll) diberi pertolongan; *~ yg akan menimpa* Mn prb pekerjaan yg mendatangkan celaka; *ke mana ~, ke mana rebah* Mn prb pekerjaan yg sudah dilakukan sebagaimana yg seharusnya atau menurut adat;

mencondong menjadi condong: *meriam besi itu ~ ke arah baruh;*

mencondongkan memiringkan, menyengetkan, mencenderungkan: *ia ~ badannya ke arah aku; ~ hatinya kpd* ki memihak kpd, (menyebelahi) mengarahkan minat (hati) kpd;

tercondong condong;

kecondongan 1. perihal atau keadaan condong (tidak tegak lurus, senget ke sebelah): *~ tiang elektrik itu semakin teruk; 2.* kecenderungan, minat.

conek (conék) konek, kemaluan budak lelaki.

conet (conét) **1.** sj alat pembiakan yg terdapat pd sesetengah binatang spt lipas (ikan yu, dll); **2.** = **menconet** terangkat (tercuat) sedikit (hujung misai dll).

cong I Kl, sr kata utk menyuruh lembu mengangkat kakinya.

cong II (Palembang) terung.

cong III bp temberang.

congah angkuh, pongah, sombong.

congak I kira-kira (taksiran) yg dibuat dlm kepala sahaja (tidak dgn menuliskan pd kertas atau menggunakan alat pengira): *pd ~nya, hutang yg bertabur itu tidak kurang drpd lima ribu; angka-angka itu dapat dicampurkan dgn ~ sahaja;*

mencongak 1. menghitung atau mengira dlm kepala sahaja (tidak dgn mengira-ngira pd kertas atau menggunakan sesuatu alat pengira): *ayat yg di dlm kurungan itu menunjukkan taakul yg mesti dibuat dgn ~ sahaja, tidak payah dituliskan;* **2.** mengagak (meneka, menduga): *dia tidak dapat ~ apa yg akan jadi pd masa hadapan.*

congak II; *~-cangit* mendongak dan menundukkan muka berkali-kali;

mencongak menaikkan (mengangkat) kepala atau muka ke atas, mendongak: *dia ~ memandang kpd aku;*

mencongakkan mendongakkan kepala (muka).

congcong; *~ hari* sj tumbuhan (rumpai), cenderung hari, condong hari, jenduang hari, rumput sepagi, rumput tahi babi, *Vernonia cinerea*.

congeh (congéh) = **tercongeh** terbuka luas, ternganga: *lukanya ~.*

congek (congék) **I** Jk **1.** sakit telinga yg bernanah; **2.** pekak, tuli.

congek (congék) **II** Kl; *~-cakdong* sj permainan kanak-kanak, jongkang-jongket.

conget (congét); **terconget** menganjur keluar, tidak rata.

conggang; *~-canggik = ~-canggit = ~-conggek = ~ congget* turun naik (punggung dll) sewaktu berjalan dll.

congek (congék) → **conggang**.

congget (congget); **tercongget-congget** bergerak turun naik (ekor burung dll).

congkok tegak (dgn kepala tidak tunduk);

bercongkok berdiri atau duduk tegak: *para pelajar yg ~ di depan telah hebat memberi riak dlm jiwa;*

mencongkokkan menegakkan;

tercongkok tertegak.

congkah; *~cangkik* = *~mangkik* tidak teratur (spt mencuar ke sana sini, tinggi rendah, dll), tidak keruan, tidak tentu hala;

mencongkah menggali: *jikalau ditanam pun, habis dicongkah oleh babi.*

congkak I sombong, bongkak, pongah; *~bongkak* = *~bongkah* terlalu congkak, terlalu sombong; *kerana ~ badan binasa* prb a) kerana sombong, tidak mahu mengadu hal, badan sendiri mendapat celaka; b) kerana suka berjoli, diri sendiri jadi celaka;

kecongkakan kesombongan, kebongkakan, kepongahan.

congkak II sj binatang spt kerang atau lokan; jenis-jenisnya: *~ baiduri*, *~ kedah*, *~ putih* dll.

congkak III = *main* ~ sj permainan yg menggunakan kayu bujur yg berlubang-lubang dan buah-buahnya drpd biji saga (buah goreng, kulit lokan, dll), atau lubang-lubang yg dikorek di tanah;

buah ~ biji saga (buah goreng, kulit lokan, dll) yg digunakan dlm permainan congkak; *papan* ~ kayu bujur berbentuk spt sampan dan berlubang-lubang yg digunakan utk permainan congkak.

congkang; *~ kelalak* songsang kalak, tidak tentu arah, tidak teratur, lintang-pukang.

congkar; *~cangkik* tidak keruan, congkah-cangkik.

congki C sj permainan spt permainan catur.

congklang Jk; **bercongklang, mencongklang** berlari deras (bkn kuda):

dlm perlumbaan itu, semua kuda ~ utk cuba mengatasi satu sama lain.

congkok; *macan* ~ harimau compor (campa).

congkong I Mn; **mencongkong** mencangkung.

congkong II Mn rumah tempat berkawal, rumah jaga, gardu.

congo Jk pencuri, tukang copet.

congok; mencongok duduk atau berdiri tegak, bercongok;

tercongok mencongok: *malam itu dia duduk ~ di depan televisyen.*

congol Jk; **mencongol** menyembul (menonjol) keluar (dr lubang dll),

menjengul: *sebuah Opel biru ~ keluar dr pintu pagar buluh.*

congong Pr bingung, bodoh.

congor Jk jongor.

conor 1. sj ikan laut, *Saurus myops*; **2.** sj ikan laut, *Saurida tumbil*; **3.** sj

ikan laut, *Trachinocephalus myops*.

conteng (conténg) coreng, coret, calit, palit;

berconteng-conteng bercoreng-coreng (dgn cat, arang, dll),
bercalit-calit, berpalit-palit: *papan hitam itu dilihatnya penuh ~ dgn kapur;*

menconteng mencoreng (dgn cat, arang, kapur, dll), mencalit,
memalit: *adik saya suka sangat ~ buku saya; ~ arang di muka prb
memberi malu (aib);*

mencontengkan mencorengkan, memalitkan: *ia asyik ~ cat di
papan itu;*

terconteng 1. sudah diconteng, tercoreng; **2.** ki mendapat malu
(aib);

contengan hasil menconteng: *kertas yg putih bersih itu menjadi
comot dgn ~;*

penconteng orang yg menconteng atau mencontengkan.

contoh 1. benda (sebahagian benda-benda) yg sifat-sifatnya (rupa, macam, keadaan) sama dgn semua benda drpd jenisnya, benda yg dapat mewakili benda lain kerana sama sifat-sifatnya: *jangan kirim barang itu dahulu, kirim ~nya saja*; **2.** benda yg lain, benda utk ditiru, model: *guru membuat ~ di papan hitam utk murid-murid*; **3.** acuan, cetakan; **4.** perbuatan (kelakuan, hal) yg menjadi teladan: *tindak-tanduk guru menjadi ~ bagi murid*;

mengambil ~ kpd yg sudah, mengambil tuah kpd yg menang prb sesuatu yg hendak ditiru itu biarlah drpd contoh yg telah memberi hasil yg baik; *bagaimana ~, begitulah kuihnya* prb anak itu menurut sifat atau teladan drpd orang tuanya;

mencontoh mengambil jadi contoh, meneladan, meniru: *kelakuan buruk jangan dicontoh*;

mencontohi 1. membuat sesuatu dgn mengikut contoh, mengambil contoh, meniru, meneladani: *guru hendaklah dr mula menunjukkan tabiat yg baik supaya dapat dicontohi oleh kanak-kanak; kita umat Islam harus ~ keperibadian dan sifat-sifat Nabi Muhammad SAW*;

2. ark memberi contoh kpd;

mencontohkan 1. mencontoh; 2. = mempercontohkan memberikan sesuatu sbg contoh, menjadikan contoh: *masalah ini samalah spt seseorang melihat sebuah rumah yg saya contohkan dahulu*;

contohan yg menjadi contoh: *Hang Tuah memperlihatkan kelakuan ~ melalui perbuatan dan kata-katanya*;

percontohan 1. benda-benda yg dijadikan contoh (spt barang dagangan dll); *nombor ~ nombor contoh* (penerbitan, majalah, dll);

2. benda utk ditiru, model: *desa ~*.

contong Jw daun atau kertas pembungkus yg berbentuk kon, kelongsong (kacang dll).

cop I Kd **1.** sj alat utk menggali tanah; **2.** sj alat yg digunakan utk mengupas kelapa.

cop II Kd meniup (lilin, pelita minyak tanah) dgn menggunakan mulut, menghembus.

copak; *~-capik* (berjalan) pincang.

copeh (copéh) Tr bilangan yg sedikit: *bawa ~ kertas, saya hendak menulis.*

copeng (copéng) cuping;

copengan potongan atau kepingan kecil, serpihan: *dia ternampak ~ kertas ketika berjalan.*

copet (copét), = *tukang ~ pencuri* (wang dlm saku, barang-barang yg dipakai, dll), penyeluk saku;

mencopet mencuri (wang dlm saku), menyeluk saku;

kecopetan kehilangan barang (wang) kerana kena curi, kecurian;

pencopetan perihal mencopet (barang-barang yg dipakai dll), pencurian;

pencopet orang yg mencopet, penyeluk saku.

coplok Jw tanggal atau tercabut (gigi, paku, dll), copot.

copong Tr corong suara: *pd masa dahulu tok bilal menggunakan ~ utk azan.*

copot Jw tanggal, tercabut, terlepas;

mencopot, mencopoti, mencopotkan **1.** menanggalkan (baju, kasut, dll): *~ pakaian*; **2.** mencabut (gigi, paku, dll): *~ tonggak*; **3.** melepaskan (drpd ikatan dll); **4.** bp melucutkan, memecah, membebaskan (drpd jawatankuasa, dll): *semua yg terlibat dlm pemberontakan itu akan dicopot*;

pencopotan **1.** perihal (perbuatan) mencopot; **2.** pemecatan.

cor Jw ark; *besi ~ besi* yg dituang; *tukang ~ tukang* yg menuang besi dll;

dicor dituang (logam, besi, dll).

corak I 1. rasi atau bunga-bunga pd kain (barang anyaman, tenunan, dll):

besar-besar ~ kain batiknya; ~ damdam corak yg berpetak-petak empat segi (corak tapak catur); 2. warna (bunga-bunga) pd tanah kain (bendera dll): kain itu berwarna hijau dan ~nya merah; 3. ki rupa (bentuk, sifat, dll): hasil usahanya telah menukarkan ~ pertanian di negeri itu;

bercorak 1. berbunga-bunga (barang tenunan, anyaman, dll), beragi: *kain ~;* **2.** berwarna-warna (berbunga-bunga) pd tanah kain (bendera dll): *kain merah yg ~ putih;* **3.** ki berupa (bersifat, berbentuk, berfaham, dll): *menimbulkan perselisihan yg ~ perkauman; filem Indonesia ~ ketimuran;*

mencoraki menjadi corak pd (bagi), menjadi ciri asas pd (bagi), mewarnai: *pergantungan ~ hubungan antara negara membangun dgn negara perindustrian Barat;*

mencorakkan 1. memberi bercorak: *kanak-kanak bagai kain putih boleh dicorakkan dan diwarna-warnikan;* **2.** ki membentuk (sifat, rupa, ciri-ciri, dll sesuatu) memberikan sifat-sifat yg tertentu kpda: *perasaan itu biasanya dicorakkan oleh keadaan;*

pencorakan perihal (perbuatan dsb) mencorakkan;

pencorak orang (faktor, unsur dsb) yg menentukan corak (rupa, sifat, keadaan dsb) sesuatu: *kita merupakan ~ masyarakat yg telah diamanahkan utk membela nasib dan masa depan anak-anak.*

corak II; *~-carik* koyak-koyak, cobak-cabik.

corat; *~-coret* = *~-carit* a) garis-garis yg tidak tentu hala rupanya; b) = *gambar ~-coret* gambar yg dilukis secara kasar dgn garis-garis, gambar yg jangan tidak sahaja rupanya (spt karikatur, sketsa, peta lakar, dll); c) = *tulisan ~-coret* tulisan yg tidak elok dan tidak sungguh-sungguh; d) = *tulisan ~-coret* karangan (spt cerpen, esei, dll) yg ditulis jangan tidak atau utk gambaran ringkas sahaja (tidak

tinggi nilai seninya, isinya, dll); e) pementasan atau drama pendek yg tidak tinggi mutunya (spt utk hiburan atau selingan sahaja);

coret I.

corek (corék) garis panjang, boreng, coret;

mencorek 1. menggaris, mencoreng; 2. memotong atau membatalkan tulisan (perkataan yg salah) dgn menggariskannya, mencoret.

coreng (coréng) I garis kasar panjang, conteng; *~-moreng* penuh dgn coreng;

bercoreng, bercorengan, bercoreng-coreng, bercoreng-corengan mempunyai banyak coreng (kotor) yg tidak tentu rupanya: *tembok bilik mandi itu ~;*

bercoreng-moreng kotor penuh berconteng-conteng;

mencoreng menggaris kasar panjang, menconteng: *gambar-gambar calon yg terpampang di situ sudah dicoreng-coreng dgn arang;*

mencorengkan menggariskan, mencontengkan, mencoretkan;

tercoreng terconteng; *malu ~ di muka (dahi)* prb mendapat malu besar.

coreng (coréng) II 1. sj ikan laut, *Euthynnus alleteratus*.

coreng (coréng) III (Pattani) sj musang, *Prionodon spp.*

coreng (coréng) IV; *~ atap* sj tumbuhan (pokok kecil), tasik timbul, *Leucopogon malayanus*.

coreng (coréng) V Tr cucur atap: *Minah berteduh di bawah ~.*

coret (corét) I garis panjang; *corat-~* a) garis-garis yg tidak tentu hala; b) gambar yg dilukis dgn garis-garis (jangan tidak sahaja rupanya); c) tulisan yg tidak elok; d) karangan yg ditulis jangan tidak atau utk gambaran ringkas; e) pementasan pendek;

mencoret **1.** menggaris panjang; **2.** mencorek, membatalkan atau memotong tulisan (perkataan yg salah) dgn coret; **3.** membuat sketsa (lakonan dll); **4.** ki menghapuskan, meninggalkan, tidak mengira atau tidak memasukkan dlm perkiraan;

coretan sketsa, gambaran (lukisan) ringkas: *inilah kisahny satu ~ hidup gadis kota;*

pencoretan perihal atau perbuatan mencoret; **corat.**

coret (coret) **II** Mn; **mencoret** menyembur, memancur.

coriang Kd belang harimau.

coro Jw lipas.

corong **1.** saluran yg berbentuk kelongsong dan bermuncung di hujungnya utk menuang air (minyak dll) supaya jangan tumpah; **2.** = ~ *bicara (suara)* alat yg berbentuk kelongsong utk menguatkan suara; **3.** = ~ *asap* salur tempat asap keluar, cerobong, serombong; **4.** = ~ *lampu* salur kaca utk melindungi nyala lampu, cimini lampu; **5.** teropong (utk melihat jauh); **6.** alat penguat suara, mikrofon; ~ *Baermann* (Bio) radas yg digunakan utk mengasingkan organisma kecil drpd suatu sampel (biasanya tanah); ~ *dengar* alat utk mendengar yg dipakai oleh orang yg agak pekak; ~ *radio* alat yg menangkap suara utk disiarkan melalui radio; ~ *telefon* gagang telefon;

mencorong **1.** bersinar dgn terangnya (bkn lampu, matahari, dll); **2.** menyulahi (menerangi) dgn lampu corong;

mencorongkan **1.** menyinarikan, menerangkan; **2.** memancarkan (cahaya, suara, dll).

corot **I** muncung atau cerat (cerek dll); ~ *pelita* tempat sumbu pelita;

mencorotkan memancarkan, memancurkan (air dll).

corot **II** terkebelakang (dlm perlumbaan dll), tertinggal di belakang sekali;

pencorot orang yg terkebelakang (tiba paling lewat) sekali.

cota kayu pendek dan berat yg digunakan sbg senjata, tongkat waran, belantan, martil.

cotek (coték) **I**; **bercotek-cotek** sedikit-sedikit, beransur-ansur.

cotek (coték) **II** **Kl 1.** tempat yg tertinggi sekali (spt kemuncak bukit dll); **2.** ki yg tertinggi (teratas).

cotet (cotét) **1.** Kd sedikit sahaja (bkn siput, kondai, dll); **2.** conet.

cotok paruh ayam (burung dll);

salah ~ melantingkan prb a) sesuatu perbuatan yg salah itu harus dibetulkan; b) melakukan sesuatu pekerjaan itu hendaklah dgn sewajarnya, kalau tidak kesusahan akibatnya; *salah ~ berkudung paruh, salah telan belah perut* prb kesalahan akan dihukum dgn sewajarnya atau menurut adat yg ditentukan;

mencotok mencatuk, memagut, mematuk: *ayam ~ makanan.*

coulomb (kulom) (Fiz) banyaknya tenaga elektrik yg dialirkan oleh arus elektrik sebanyak satu ampere dlm satu saat.

cowok bp **1.** Id lelaki yg masih muda; **2.** teman lelaki.

CPU kep *Central Processing Unit* (Unit Pemrosesan Pusat).

Cr simbol kimia bagi kromium.

Cs simbol kimia bagi sesium.

cu I kep bongsu; *pak ~ pak bongsu (pak cik); mak ~ mak bongsu (mak cik).*

cu II ciu (sj minuman keras).

cu III sr kata utk menyuruh gajah berenang.

Cu simbol kimia bagi kuprum.

cua ark kecewa, tidak senang.

cuaca keadaan udara (cahaya matahari, angin, hujan, tekanan udara, dll) di sesuatu tempat pd sesuatu ketika tertentu: *~ baik; ~ gelap; ~*

terang; mendengar laporan keadaan ~ melalui radio; ilmu kaji ~ pengetahuan bkn keadaan udara.

cuah Kl; **mencuah** mencurah, membuang.

cuai **1.** tidak hati-hati dlm membuat sesuatu, lalai, abai: *orang yg menjaganya ~, sebab itu budak-budak itu jahat belaka*; **2.** tidak penting, tidak mustahak, tidak berharga;

mencuaikan **1.** mengabaikan, melalaikan, tidak mengendahkan (tugas, pekerjaan, dll): *rumah tangga yg dicuaikan kerana berkhidmat kpd tanah air*; **2.** menganggap tidak penting (tidak berharga, rendah, dll);

kecuaian perihal cuai, kelalaian: *nahas itu berlaku kerana ~ pemandu lori itu*;

pencuaian perihal mencuaikan, pelalaian: *nahas itu berlaku kerana ~ pemandu lori itu.*

cuak I takut, cemas, gentar;

mencuakkan menyebabkan cuak, menakutkan, mencemaskan: *filem itu memaparkan beberapa babak yg ~ hati*;

kecuakan perasaan cuak (takut, cemas, gentar), ketakutan: *di wajah askar itu, terbayang ~ akan kebesaran Allah.*

cuak II binatang (kerbau, gajah, dll) yg digunakan utk memikat.

cuak III Pr siram, simbah.

cuai I Pr jatuh kerana lalai, cubih.

cuai II sutera yg belum selesai dipintal (dlm peringkat pertamanya).

cuani ark sj kain.

cuang → **coang** I.

cuar; **mencuar**, **tercuar** menganjur ke atas (spt tiang layar, pancang, dll), menganjur memanjang ke depan (spt kaki, tongkat, dll);

cuaran 1. benda yg mencuar; **2.** (Bio) unjuran yg keluar dr sesuatu struktur organisma (manusia, binatang atau tumbuhan), mis bonjolan tulang.

cuat; mencuat, tercuat menganjur tegak ke depan dll (spt ekor ayam, rokok di bibir, dll).

cuba 1. haraplah, hendaklah, silalah, sudilah (sbg mengajak atau menyuruh secara halus): ~ *kaufikir sedikit buruk baiknya perbuatan kau itu; ~ marah budak-budak itu; 2.* sr kata utk menyatakan marah (kesal dll): ~, *apa yg telah kauperbuat! 3.* = ~ *kalau* sekiranya, seandainya: ~ *kalau abangnya ada di situ, tentu saja bergaduh tadi;*

cuba-cuba hanya menguji-uji saja (utk mengetahui dll): *percaya dgn tiada ~;*

mencuba 1. berusaha utk membuat (memperoleh, melakukan, dll) sesuatu: *Aini memberanikan dirinya dan ~ mengangkat muka serta memandang tepat ke muka lelaki itu; ia akan ~ melawan perasaannya sendiri utk kepentingan kasih dan anak; 2.* memeriksa utk mengetahui keadaan sesuatu (sedap tidaknya, baik buruknya, dll): *kalau hendak tahu lama barunya mesin ini, cubalah hidupkan enjinnya; elok dicubalah rokok orang pekan ini; sebelum dibeli, dicubanya dahulu baju itu; 3.* = **mencubai** menguji sesuatu (kebolehan, nasib, kesetiaan, dll): *merantau ke negeri orang hendak ~ untungnya; disuruh baginda ~ kuat dgn Badang;*

mencubakan 1. memeriksa utk mengetahui keadaan sesuatu (baik buruknya, sesuai tidaknya, dll), mencuba: *silakanlah kita menyabung barang seketimpung kerana ayam beta ini baru hendak dicubakan; 2.* menguji (memeriksa) sesuatu dgn menggunakannya: *elok kita cubakan pertanyaan itu kepadanya dlm perbincangan itu nanti;*

cubaan 1. sesuatu yg dialami (dilakukan) utk mencuba (menguji), ujian, dugaan: *kejujuran manusia kelihatan sebelum ia ditimpa ~;*

2. usaha (utk mencapai sesuatu): *pd kurun ke-20 telah ada ~ utk memahami Islam;*

percubaan 1. usaha utk melakukan (menjayakan, menghasilkan, mencapai) sesuatu: *dlm ~nya menggulingkan kerajaan itu, ia sedar akan kelemahan-kelemahannya;*

2. usaha (perbuatan dsb) yg belum pernah dilakukan sebelumnya, eksperimen: *~ menanam padi malinja telah mendatangkan hasil yg amat menggalakkan;*

Ramli Isin juga merupakan pengkritik yg memberi perhatian kpd karya-karya yg bersifat ~;

3. penyelidikan dan usaha utk mengetahui (memastikan, mendapatkan) sesuatu: *beberapa ~ sains sudah pun dibuat di bilik makmal yg baru ini; kebun ~;*

4. usaha atau perbuatan utk mencuba sesuatu (utk mengetahui atau menentukan kekuatannya, kelemahannya, dll), ujian: *~ bom nuklear di bawah tanah pun tetap membahayakan manusia juga akhirnya;*

sebelum memegang jawatan itu, ia mesti menempuh ~ selama enam bulan;

percubaan perihal (usaha dsb) mencuba (kan).

cubadak → □ **cempedak.**

cuban 1. sj jarum besar drpd buluh (tanduk dll) utk menyirat jala (jaring dll);

2. alat (drpd kayu atau buluh berbentuk palang atau kayu bercabang tiga) yg digunakan utk menggulung benang emas;

3. alat yg berbentuk spt buah kana tempat melilitkan benang utk membuat tating.

cubih □ NS jatuh kerana lalai, cual.

cubik → **cobek II, cubit.**

cubit = **cubitan;** *siapa kena ~, dialah yg berasa sakit prb siapa yg berbuat salah, dialah yg menanggung kesusahannya;*

secubit sebanyak yg dapat disepit dgn ibu jari dan jari telunjuk atau jari lain, sedikit sahaja, sekelumit;

mencubit 1. menyepit dgn ibu jari dan jari telunjuk atau jari lain, menggetil: *ia terkejut apabila pahanya dicubit*; **2.** ki mengambil sedikit (makanan dll): *aku ~ kuih itu sedikit*;

mencubit-cubit mencubit berulang kali;

cubit-mencubit saling mencubit;

cubitan perbuatan mencubit, getilan: *seorang syahid tidak berasa sentuhan maut melainkan hanya spt rasa ~ sahaja*.

cubung → □ **kecubung I.**

cubung-cubung berenga lalat (pd bangkai dll).

cuca I jampi yg boleh menundukkan musuh atau yg dapat mengubati luka dll;

mencuca menjampi (utk menundukkan musuh, mengubati luka, dll).

cuca II; mencuca sl mencerca.

cucak = ~ *rawa* sj burung, barau-barau, cengkerawak.

cuci; ~ *calat* bersih sebersihnya; ~ *darah* a) membersihkan darah dgn memakan ubat; b) membersihkan darah dgn menggunakan sj mesin (darah yg beredar ditapis melalui membran separa telap dlm mesin tersebut utk membuang keluaran buangan), dialisis; ~ *mata* a) membersihkan mata dgn air dll; b) melihat-lihat perempuan dll utk menyeronokkan hati; ~ *muka* a) membasuh muka; b) Id tempat air utk membasuh muka; ~ *perut* a) julap, urus-urus, pencahar; b) membersihkan perut dgn julap dll; ~ *tangan* a) membersihkan tangan; b) Id tempat air basuh tangan; c) tidak mahu terlibat dlm hal orang;

bercuci ki bersunat, berkhatan;

mencuci **1.** membersihkan dgn air, membasuh: ~ *pinggan mangkuk*; ~ *kain*; **2.** membersihkan (mengesat atau menyapu dgn penyapu bulu ayam, dll): *setiap pagi, meja saya dicuci oleh peon*; ~ *filem* menjadikan filem negatif drpd filem dan positif (gambar) drpd filem negatif; ~ *mata* cuci mata;

mencucikan **1.** mencuci sesuatu utk orang lain; **2.** memberikan (menghantar) sesuatu supaya dicuci: *saya pergi ~ baju tadi*; **3.** ki menyunatkan, mengkhatakan;

cucian **1.** barang-barang yg dicuci (spt kain, baju, dll); **2.** cara mencuci, hasil mencuci: ~*nya tidak bersih*;

pencucian **1.** perihal (perbuatan) mencuci; **2.** tempat mencuci;

pencuci **1.** orang yg mencuci, tukang cuci; **2.** alat (benda dll) yg digunakan utk mencuci; ~ *mulut* benda manis (spt buah-buahan dsb) yg dimakan selepas makan nasi dll.

cuci maki caci maki, berbagai-bagai cercaan (celaan dll);

mencuci maki memaki-maki.

cucu keturunan peringkat kedua (iaitu seperingkat selepas anak), anak kpd anak seseorang; ~ *Adam* manusia; ~-*cicit* = *anak* ~ keturunan;

bercucu mempunyai cucu; ~-*cicit* mempunyai cucu dan cicit (mempunyai keturunan); *beranak* ~ mempunyai anak yg kemudiannya beranak pula (mempunyai keturunan).

cucuh; mencucuh **1.** memasang, menyalakan (api dll): ~ *pelita*; ~ *meriam* memasang meriam; **2.** mengenakan api, besi panas, dsb pd: *yg paling sedih apabila mak ~ abang dgn kayu api berbara*;

mencucuhkan **1.** memasang, menyalakan: *Seman ~ api tersebut pd rokok di mulutnya*; **2.** mengenakan (api, besi panas, dsb) pd sesuatu: *Afandi ~ besi panas pd tangan Mazlan*;

cucuhan **1.** hasil mencucuh atau mencucuhkan: *doktor mengesahkan terdapat banyak bekas ~ puntung rokok pd*

badannya; **2.** (Fiz) bunga api yg terhasil drpd palam pencucuh utk memulakan pembakaran;

pencucuhan perihal (perbuatan, proses dsb) mencucuh atau mencucuhkan: *sistem* ~;

pencucuh **1.** orang yg mencucuh, tukang cucuh; ~ *meriam* pembakar meriam; **2.** alat utk mencucuh: *palam* ~; **3.** ki penghasut.

cucuk I **1.** sesuatu yg tajam yg digunakan utk menusuk dll (spt jarum, cuban, penyemat, dll); ~ *hidung* tali yg ditusukkan pd hidung lembu (kerbau dll), keluan; ~ *rambut (sanggul)* penyemat rambut, tusuk kondai; **2.** penjodoh bilangan utk barang yg ditusuk dgn lidi (tali dll): *sepuluh sen se*~; *enam belas* ~ *sate*; **3.** suntik (utk memasukkan ubat dll ke dlm badan): *ia menggosok-gosok bekas kena* ~;

bercucuk; ~ *ikan* ark berderet rapat-rapat, bersesak-sesak; ~ *tanam (tanah)* bertani, bekerja menanam tumbuh-tumbuhan di sawah, ladang, dll;

mencucuk **1.** menusuk (dgn barang yg tajam spt peniti, lidi, pin, dll), menebuk, menikam (dgn keris, pisau, dll), mencacah (dgn jarum): *ia masih* ~ *rojak dgn sebilah garpu*; **2.** melubangi atau mengeluan (hidung lembu, kerbau, dll); *dicucuk orang hidung* = *spt kerbau dicucuk hidung* prb menurut sahaja kemahuan orang (tidak mahu membantah); **3.** menyuntik (utk memasukkan ubat dlm badan): *utk mencegah penyakit taun, semua orang mesti dicucuk*; **4.** merangkai-rangkaikan (menganggit) dgn cucuk (tusuk): ~ *atap*; **5.** ki menghasut, mengacum, mengapi-apikan, menimbulkan kemarahah orang: *dialah yg* ~-*cucuk orang itu hingga mereka bergaduh*; **6.** ki menusuk atau masuk ke dlm: *bau nasi lemak* yg ~ *hidung*; ~ *hati* ki a) menyakiti hati; b) memilukan

hati; ~ *mata* a) mencolok mata; b) ki sangat nyata, tampak benar, mudah tampak; c) ki menyakiti hati, memberi malu;

mencucuk-cucuk **1.** mencucuk berulang kali: *mereka akan ~ lengan mereka dgn anak batu sehingga luka*; **2.** berasa sakit spt dicucuk-cucuk dgn jarum, duri dsb: *bisa di dadanya ~; berasa sakit yg ~;*

cucuk-mencucuk ki saling menghasut: *hindarilah sifat-sifat yg keji dan jijik spt fitnah-memfitnah, ~, dengki-mendengki dsb drpd kehidupan kita;*

mencucukkan menusukkan, menembuskan, merangkaikan, menyematkan, dll: *~ anak mancis ke dlm cerut;*

tercucuk tertusuk, tertembus; *~ hidung (mata) prb Mn tertipu kerana kebodohan (spt membeli barang yg tidak elok dgn harga yg tinggi);*

cucukan hasil perbuatan mencucuk, tusukan;

pencucuk **1.** cucuk; **2.** ki penghasut, pengacum, batu api.

cucuk II **Jw** **1.** paruh, patuk; **2.** barisan (pasukan) yg terdepan: *Patih Karma Wijaya berjalan dahulu menjadi ~.*

cucunda bh cucu (digunakan dlm surat-menyurat atau berkaitan dgn golongan istana): *Raja Tua terlalu kasih akan ~ baginda.*

cucung □ bp cucu.

cucup; mencucup menghisap, mengucup; *~ benak* ki menghisap darah (memeras orang).

cucur I aliran (pancaran) ke bawah (air dll): *tanah yg dibelinya dgn harta ~ peluhnya sendiri;*

bercucuran mengalir ke bawah, memancur ke bawah, berpancaran ke bawah: *seraya ia menangis ~ air matanya bagai manik diurai;*

mencucuri **1.** menuang air dsb pd, menyirami, menjirus: *dia ~ kakinya yg berlumpur dgn air*; **2.** melimpahkan rahmat dsb ke atas

atau pd seseorang: *Tuhan ~ makhluk-Nya dgn rahmat; semoga Allah ~ kita dgn rahmat dan hidayah-Nya;*

mencucurkan 1. mengalirkan turun, memancarkan, memancurkan; ~ *air mata* menangis; 2. memberikan (mengurniakan dsb) banyak-banyak, melimpahkan: *semoga Allah sentiasa ~ rahmat-Nya ke atas roh kedua-dua orang tua kami yg sangat dikasihi;*

cucuran aliran ke bawah, pancaran, pancuran; ~ *atap* hujung atap tempat air hujan jatuh; ~ *harta* pembahagian harta kpd waris (kewarisan harta).

cucur II Kl, Tr; **mencucurkan** memulangkan wang (baki drpd membeli barang).

cucur III kuih drpd tepung dan bahan-bahan lain yg digoreng.

cucur IV muncung atau jongor perahu; *layar* ~ layar yg di depan sekali, jib.

cucur V; (*daun*) ~ *atap* sj tumbuhan (pokok renek), *Baeckia frutescens*; *atap* ~ = *rotan (atap)* ~ sj rotan, *Calamus castaneus*.

cucur VI sj burung, burung segan, *Batrachostomus auritus*.

cucut I ikan yu.

cucut II; **mencucut** mencucup, mengucup, menghisap.

cuduk sj tumbuhan (pokok kecil), *Thottea parviflora*.

CUEPACS (cuépac) akronim bagi *Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services* (Kongres Kesatuan Pekerja dlm Perkhidmatan Awam).

cuh sr kata utk menghalau binatang atau utk menggalakkan anjing (pemburu).

cuik I alat spt piring utk menggiling lada dll; **cobek I**.

cuik II Jk; *ikan* ~ ikan yg diasinkan dan dikukus;

mencuik mengasinkan dan mengukus ikan.

cuil; mencuil menyentuh dgn hujung jari utk menyatakan sesuatu, mencuit.

cuit; bercuit-cuit bergerak-gerak cepat spt menggamit-gamit (bkn jari);
~ *gamit* sentuh-menyentuh dgn hujung jari (sewaktu berseloroh dll): *dia telah pandai pula bertepuk tampar dan ~ gamit dgn tetamu-tetamu yg hidung belang;*

mencuit mencuil, menggamit, menyentuh dgn hujung jari: *terkejut saya dicuitnya;*

tercuit ki tersentuh jiwa (hati dll) kerana sesuatu: *hati penulis ~ ketika melawat khemah pelarian itu;*

cuitan sentuhan dgn hujung jari (sewaktu berseloroh, sbg memberi isyarat, dll).

cuk Jk jentik-jentik.

cuka cairan yg masam rasanya (biasanya dibuat drpd nira kabung, nyiur, dll); ~ *belanda* cuka yg dibuat drpd anggur dll melalui proses kimia, asid asetik; ~ *getah* asid utk membekukan getah, asid formik; ~ *jawa* cuka yg dibuat drpd nira;

minum ~ pagi hari = ~ diminum pagi hari prb bermuka masam kerana benci atau marah akan sesuatu;

mencuka ki menjadi masam spt cuka (bkn wajah, muka) kerana marah, geram, dll: *Cik Zabedah mengekorinya dgn wajah ~.*

cukai 1. bayaran (bea, sumbangan) yg dikenakan oleh kerajaan terhadap orang perseorangan (perbadanan, syarikat, barang-barang, dll) utk perbelanjaan negara dll: ~ *belian*; ~ *eksport*; **2.** = **cuke** Id bahagian drpd hasil tanah persendirian yg dikutip oleh tuan tanah;

~ *belian* cukai tak langsung yg dikenakan terhadap harga borong barang tertentu yg bukan barang perlu, biasanya dibayar oleh pengguna kpd peruncit yg akan membayar cukai kpd kerajaan; ~ *eksport* cukai yg dikenakan ke atas barang yg dieksport; ~ *hiburan*

cukai yg dikenakan terhadap sesuatu bentuk hiburan (spt kelab malam, pawagam, dsb); ~ *jalan* cukai yg dikenakan terhadap kenderaan darat bermotor; ~ *jualan* cukai yg dikenakan terhadap barangan yg dijual yg bebannya terletak secara langsung pd pembeli; ~ *korporat* cukai syarikat; ~ *laba harta tanah* cukai terhadap laba drpd penjualan harta tanah; ~ *langsung* cukai yg dikenakan terus kpd pembayar cukai yg akan menjelaskannya kpd kerajaan (mis cukai pendapatan dan cukai laba harta tanah); ~ *pelindung* cukai atas barang-barang import utk melindungi barang-barang tempatan (utk mengelakkan persaingan yg boleh mengancam pengeluaran barang-barang tempatan); ~ *pendapatan* cukai yg dikenakan terhadap pendapatan; ~ *perkhidmatan* cukai yg dikenakan pd barang spt makanan dan minuman, atau perkhidmatan yg disediakan oleh perniagaan tertentu spt hotel, kelab malam, pusat kesihatan, dll; ~ *pintu* cukai yg dikenakan terhadap pemilik rumah; ~ *progresif* cukai yg kadar puratanya semakin tinggi apabila pendapatan seseorang semakin tinggi; ~ *regresif* cukai yg kadar puratanya semakin rendah apabila pendapatan seseorang semakin tinggi; ~ *syarikat* cukai yg dikenakan terhadap (keuntungan) syarikat; ~ *tak langsung* cukai yg dibayar oleh pembayar cukai melalui pembelian barang atau perkhidmatan (mis cukai jualan, cukai eksais, cukai import, cukai eksport, dll); ~ *tanah* cukai yg dikenakan atas pemilikan tanah; ~ *tersembunyi* cukai tak langsung yg dibayar oleh pengguna dgn menaikkan harga barang yg dijual tanpa pengetahuan pengguna; ~ *warisan* cukai yg dikenakan terhadap orang yg menerima harta pusaka;

bercukai dikenakan cukai: *barang* ~;

mencukai mengenakan cukai terhadap, mengutip cukai drpd:
negara boleh mendapat wang dgn ~ orang ramai;

percukaian yg berkaitan dgn cukai: *spt biasa, struktur ~ paling menarik perhatian di kalangan rakyat jelata;*

pencukaian 1. perbuatan (prinsip dsb) mencukai, pengenaan cukai terhadap: *~ secara langsung mempengaruhi kehidupan manusia; 2.* yg berkaitan dgn cukai-mencukai: *karya asli dlm bidang ~ di Malaysia yg pertama ditulis dlm bahasa Malaysia.*

cukal sj tumbuhan (herba yg hidup di tempat-tempat basah), *Hygrophila phlomooides.*

cukam → **cekam II.**

cuke (cuké) → **cukai.**

cuki I sj permainan yg memakai buah dan papan (spt dam); *papan ~ papan utk permainan cuki;*

bercuki bermain cuki.

cuki II Jk; *~ mai bk puki makmu.*

cukin 1. kain kecil (utk menutup dada sewaktu makan); **2.** kain basahan yg pendek (biasanya dipakai ketika mandi).

cukir cungkil.

cukit garpu.

cuku akar gambir yg dikeringkan.

cukup 1. tidak kurang (bilangan, banyak, besar, dll), sampai jumlahnya (besarnya dll), pada: *pinggan mangkuk kita tidak ~, orang yg datang terlalu banyak; 2.* sampai betul, genap (masa, usia, dll): *hari Rabu ini ~lah empat puluh empat hari ia meninggal; ~ bulan a) genap sembilan bulan (mengandung); b) akhir bulan (hari gaji); ~ umur sudah akil baligh, sudah dewasa; 3.* lengkap, sempurna (tidak ada kurangnya): *putera kita ini sudahlah besar, dan ~ berakal; rumah itu ~ dgn perabotnya sekali; 4.* sudah pada dgn itu

(begitu) sahaja: *kesukaan anaknya kpd Mariah telah ~ buat menundukkan hati nyonya itu*; **5.** sangat, lebih drpd yg memadai atau yg dijangka: *badanku terasa ~ penat; mukanya ~ masam*; **6.** tidak kurang atau tidak lebih, lumayan, sedang: *hasil yg diperolehnya boleh dikatakan ~lah buat mereka berdua; ~ keperluan sendiri tidak perlu apa-apa dr luar (segala keperluan dikeluarkan sendiri)*; **7.** bp tidak kekurangan, agak kaya, berada: *ayahnya orang yg ~*;

secukup; ~ *hidup* cukup utk membiayai perbelanjaan hidup sahaja;

mencukupi **1.** memadai, lengkap (keperluan, keinginan, dll): *binatang itu memerlukan makanan yg ~; apabila sudah diperolehnya habuan-habuan yg ~, tinggallah mereka setahun dua di darat*; **2.** tidak kurang (utk sesuatu hal, keperluan, dll): *buku kecil ini tentulah tidak ~ utk menerangkan segala-galanya; pendapatannya tidak ~ utk keperluan hidup diri dan keluarga*; **3.** bagi menjawab atau membalas (biasanya bkn jawapan dlm surat-menyurat): ~ *surat tuan*;

mencukupkan menjadikan (memandang) cukup, melengkapkan, memadai, menambah supaya cukup: *utk ~ pendapatannya, ia perlu bekerja dgn lebih keras lagi; kerana hendak ~ belanja itu, terpaksa ia mencari wang lagi*;

kecukupan ada apa yg diperlukan, tidak kekurangan: *orang datang begitu banyak sehingga meja dlm restoran itu tidak ~; orang boros tentu saja tidak ~ belanja*;

berkecukupan tidak kekurangan, cukup segala yg diperlukan;

ketidackukupan perihal tidak cukup: *alasan ~ peruntukan wang juga boleh diatasi*.

cukur I; *pisau* ~ a) pisau utk mencukur rambut (janggut dll); b) ki perempuan yg menghabiskan wang (harta) lelaki; *tukang* ~ orang yg menggunting (memotong) rambut (janggut dll), tukang gunting;
bercukur 1. memotong (membersihkan) jambang dll dgn pisau cukur; **2.** sudah dibersihkan (dipotong) jambang dll dr muka;
mencukur 1. memotong (membersihkan) rambut dll dgn pisau cukur dll: *baru petang semalam, jambangnya dicukur*; **2.** bp mengalahkan (menewaskan) dgn teruknya (terutama dlm perlawanan bola sepak); ~ *kepala* prb perbuatan yg memalukan keluarga;
pencukuran perihal (perbuatan dsb) mencukur;
pencukur 1. pisau dll utk mencukur; **2.** orang yg mencukur, tukang cukur.

cukur II; (*rumpun*) ~ *kerbau* sj tumbuhan (rumpun), *Cyperus bancarus*.

cula I 1. sumbu yg tumbuh pd hidung atau muncung (badak dll); **2.** sl azimat (rupanya spt sumbu badak dll): ~ *dibeli oleh bapaku sekati emas; berkeris berhulu* ~.

cula II Kl tanda (akan kalah), alamat (akan kalah).

culak I sj tumbuhan (pokok), colak, *Callicarpa maingayi*.

culak II; ~-*caling* tidak tentu arah, tidak tentu hala, tidak keruan.

culak III; **menculak** tegak menganjur ke atas, mencuar.

culan sj tumbuhan (pokok yg daunnya digunakan utk mengharumkan air teh), pacar cina, pacar culam, pokok telur belangkas, *Aglaia odorata*.

culang-caling tidak keruan, tidak teratur;

berculang-caling berkeadaan tidak tentu arah, bercelaru: *garisan-garisan yg ~ tanpa hujung pangkal*.

culas I malas, tidak cergas: ~ *bekerja*.

culas II Kl liar (binatang).

culas III Mn curang, tidak jujur.

culia saudagar India dr Malabar.

culik I = **culik-culik** sj burung yg keluar pd waktu malam *Chalcococcyx honorata*.

culik II 1. sl sj hantu yg mencuri kanak-kanak; **2.** = **penculik** a) orang yg mencuri (melarikan) kanak-kanak; b) orang yg mencuri (melarikan, menangkap) orang utk dilarikan (dibunuh, diminta wang bagi menebusnya, dll);

menculik mencuri (melarikan) kanak-kanak atau orang dewasa (utk dibunuh, diminta wang tebusannya, dll): *Chiang Kai Shek pernah diculik oleh seorang drpd panglima tenteranya;*

penculikan perihal atau perbuatan menculik.

culim 1. sj paip tembakau atau candu; **2.** paip (tembakau atau candu) yg dihisap.

culin Kd, Pl; **seculin** sedikit.

cuma I hanya, melainkan, semata-mata: *mereka datang ~ dgn tulang delapan kerat saja; aku tidak berkata apa-apa ~ mengganguk saja;*

cuma-cuma, percuma 1. tidak ada faedahnya (gunanya, manfaatnya), sia-sia: *~ emak berkata begitu; bukan main marahnya apabila mendapati tindakannya percuma belaka;* **2.** tidak dikenakan bayaran, tidak perlu membayar: *kelas yg dianjurkan oleh kesatuan itu dibuka dgn ~;*

bercuma ark sia-sia, tidak ada faedah;

mempercumakan 1. mensia-siakan, menganggap tidak penting (berguna), membuang-buang (masa dll); **2.** memberikan sesuatu dgn percuma.

cuma II; *~ padang* sj tumbuhan (pokok), remang panas, *Breynia coronata*.

cuman Jk cuma.

cumbu 1. kata-kata manis yg dituturkan (sewaktu memujuk, berkasih-kasihan, dll), pujukan: *tegur sapa dan bujuk ~ sekarang ini dilakukannya pula kpd isteri mudanya*; **2.** senda gurau, lawak jenaka, kelakar: ~ *pelawak*;

bercumbu-cumbu, bercumbu-cumbuan 1. = **bercumbuan** saling berbalas kata-kata manis, pujuk-memujuk (sewaktu berkasih-kasihan dll), bercengkerama: *ia berjumpa dgn sepasang merpati yg sedang asyik ~*; **2.** berjenaka, berkelakar, bersenda gurau: *orang masih ~ juga di dekat puadai, terutama anak-anak gadis*;

mencumbu mengeluarkan kata-kata manis (sewaktu berkasih-kasihan dll), membujuk: *Amiruddin ~ mesra, tangannya menyapu rambut Hawa*;

mencumbui mengeluarkan kata-kata manis (sewaktu berkasih-kasihan dll) kpd: *Hitam ~ Mazni dgn hiburan-hiburan yg menggelikan hati Mazni*;

cumbuan 1. ucapan-ucapan manis, bujukan, pujukan: *suami harus selalu memikat hati isteri dgn kata-kata merdu, dgn ~ atau ciuman-ciuman mesra*; **2.** senda gurau, kelakar;

percumbuan perihal (perbuatan) bercumbu-cumbu(an).

cumi-cumi 1. sj binatang spt sotong, cumik, comek, *Loligo spp.*; **2.** ki bp penjahat, pengkhianat, ejen musuh.

cumik cumi-cumi.

cuming Jk, bp cuma, hanya.

cun I C ukuran panjang bersamaan dgn satu persepuluh kaki atau 3.05 sentimeter.

cun II bp **1.** kata yg mengandung konotasi padan, anggun, dsb utk dikaitkan dgn sesuatu sifat spt merdu, cantik: *Wah, ~lah rambut awak!* **2.** tepat mengenai sasaran.

cunam I kapur sirih, kapur makan.

cunam II sj penyepit kecil, pinser.

cunda singkatan bagi cucunda.

cundang I; mencundang, mencundangi menawan: *beruang, singa, beruk, dan hantu semuanya boleh kucundangi;* → **kecundang I.**

cundang II Mn hasutan;

mencundang menghasut, mengeluarkan perkataan yg menimbulkan marah.

cundrik Jw sj pisau yg rupanya spt pisau belati atau badik.

cung I → **cong II.**

cung II kep kacung.

cungah; ~ *padi* sj tumbuhan (pokok), cendera hantu, kesumba jantan, julung putih, julung rambai ayam, *Ostodes macrophylla*.

cungap I bp = ~-*cangip* = **cungapan** terngap-ngap, terengah-engah;

mencungap, tercungap-cungap bernafas kencang (melalui mulut dan hidung) kerana kepenatan dll, terngap-ngap (susah bernafas), mengap-ngap, terengah-engah: *Tom pun tersendat-sendat nafasnya serta ~ spt orang mengah; Muthusami tercungap-cungap berlari keluar dr dlm belukar;*

cungapan perbuatan mencungap: ~*nya* kedengaran cepat.

cungap II Sl sj sumpit drpd mengkuang atau pandan (utk menyimpan barang-barang dapur).

cunggang; ~-*cunggit* tidak rata (tentang jalan dll), tinggi rendah.

cunggit Kd terangkat di bahagian hujung: *papan itu ~.*

cungkil I = pencungkil benda (spt bilah, lidi, dll) yg digunakan utk mengeluarkan sesuatu dr lubang; ~ *gigi* bilah utk mengeluarkan sisa makanan dll dr gigi, korek gigi;

bercungkil 1. telah dikeluarkan dr lubang dgn penyungkil dll; **2.** sudah dimasukkan benih cacar dlm tubuh (utk mencegah penyakit cacar), bercacar, bertanam cacar: *orang yg tidak ~ mudah sekali dijangkiti penyakit ketumbuhan;*

mencungkil 1. mengeluarkan (melepaskan dll) sesuatu dgn pencungkil, mengorek keluar dgn pencungkil; ~ *gigi* mengeluarkan sisa makanan dll yg terselit di gigi; ~ *kelapa* mengeluarkan isi kelapa dr tempurungnya; ~ *mata* mengeluarkan biji mata; **2.** menanam cacar, mencacar; **3.** ki memeriksa dgn teliti, membongkar rahsia (kesalahan dll), mengeluarkan sesuatu yg terpendam (tidak diketahui umum dll); ~ *rahsia; Hasan mencipta watak-watak asli yg dicungkil drpd keperibadian dan sifat-sifat orang Melayu kampung; ada banyak resepi Melayu tradisional yg masih belum dicungkil oleh majalah ini; bakat-bakat baru berjaya dicungkil;*

cungkilan; nyiur ~ a) nyiur yg sudah boleh dicungkil (sudah keras isinya); b) yg sudah dicungkil;

pencungkilan 1. perihal atau perbuatan mengeluarkan sesuatu dgn pencungkil; **2.** perihal atau perbuatan menanam cacar, pencacaran.

cungkil II 1. sj tumbuhan (pokok kecil), belakang ular, cincang, leban bunga, tumbit kayu, *Allophylus ternatus*; **2.** sj tumbuhan (pokok kecil) cincang, kabau, semincang, terentang, *Allophylus glaber*.

cungkup Jw rumah di kuburan.

cungo → **congo**.

cunguk → **cecunguk**.

cungur → **jongor**.

cunia sj perahu yg agak besar (utk mengangkut barang-barang).

cunut → **cenonot**.

cup I bunyi spt bunyi tongkat dll yg dicelupkan ke air dll.

cup II sr **1.** kata utk menyatakan berhenti sebentar (dlm permainan); **2.** kata utk menyuruh diam; **3.** kata utk menyatakan sesuatu sudah dipilih (diambil).

cup III Kd menempah (sesuatu) secara tidak rasmi.

cupai Mn; **mencupaikan** tidak mengendahkan, melalaikan, melengahkan;

tercupai lalai, terlengah.

cupak I 1. ukuran isi utk beras dll (suku gantang): *maka disantap oleh Bendahara habis nasi segantang dan susu searai dan sakar se~*; **2.**

= ~ *asli* Mn adat drpd datuk nenek;

~ *sudah tertegak, suri sudah terkembang* prb Mn telah lama adat berdiri bagi tiap-tiap pekerjaan; *kalau se~ tidak boleh jadi segantang* prb sesuatu yg sudah ditentukan, tidak boleh diubah lagi; *lenggang-lenggok bagai ~ hanyut* prb lenggang dan langkah yg lemah lembut; *membawakan ~ ke negeri orang* prb Mn mamakai adat sendiri di negeri orang;

mencupak menyukat dgn cupak.

cupak II kepala paip, kepala pengudut (candu).

cupak III sj ikan laut, gerepoh, kerepuh, pulas keladi, *Caranx spp.*

cupar I suka mengeluarkan kata-kata yg tidak elok (bercakap lepas saja);

mencupar mengeluarkan kata-kata dgn sesuka hati saja (sembarangan saja).

cupar II Jk terlalu lokek dan selalu campur tangan dlm kerja isteri (kerja dapur).

cupet Jw pendek, singkat, tidak sampai, sempit, picik;

kecupetan kesempatan, kepicikan.

cupil dekat tepi sangat.

cuping keping kecil; *se~* sekeping; ~ *hidung* bahagian pd kiri kanan lubang hidung; ~ *telinga* bahagian bawah daun telinga; *rasa pedih* ~ *telinga* prb marah mendengar sesuatu perkataan dll.

cupit → **supit**.

cuplik Jw; **mencuplik** mengutip (karangan dll), memetik;

cuplikan kutipan, petikan.

cupu I, cupu-cupu 1. cepu, kotak; **2.** lubang lesung, lubang tempat kaki tiang dipasang.

cupu II sj tumbuhan (pokok), cerapu, mencupu, *Garcinia prainiana*.

cupul 1. tidak cukup panjang, pendek sedikit, singkat; **2.** longgar (ikatannya, belitannya).

cur bunyi spt bunyi menggoreng pisang (air turun dr pancuran dll).

cura I kelakar, seloroh, olok-olok; *berbuat* ~ berkelakar, bermain-main, berseloroh: *kalau tuan buat ~, harus tuan tidak dapat balik ke negeri*;

bercura; *tidak* ~ tidak main-main, dgn sungguh-sungguh, melakukan (menganggap) sesuatu dgn betul-betul (benar-benar).

cura II Mn; **bercura**; *~-bura* = **bercura-cura** mengeluarkan kata-kata keji.

curah; mencurah 1. mengalir dgn deras dan banyak, mencucur: *hujan turun ~ dr langit*; **2.** ki datang dgn banyaknya: *tentera Jepun kelihatan ~ masuk ke daerah Brunei*; *apabila harga getah naik, wang ~*;

mencurah-curah 1. mengalir dgn deras, banyak dan dlm tempoh yg agak lama: *hujan masih turun ~ dan kilat sabung-menyabung*; **2.** ki datang dgn banyaknya dan tidak putus-putus: *mudah-mudahan ia beroleh rezeki yg ~*;

mencurahi **1.** mencucuri, menyirami (menyimbahi, menumpahi) dgn banyaknya: *hujan lebat ~ seluruh negeri*; **2.** ki memberi banyak-banyak, mengurniai banyak-banyak, menganugerahi banyak-banyak: *Tuhan akan ~ kamu kurnia dan rahmat*;

mencurahkan **1.** mencucurkan, menuang (menyimburkan, melimpahkan, menumpahkan) dgn banyaknya; *mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan* prb kerana mengharapkan keuntungan besar tetapi tidak tentu, keuntungan kecil yg sudah pasti dilepaskan; **2.** ki mengeluarkan banyak-banyak (rahsia, pendapat, perasaan, dll): *ia ~ segala perasaan dukanya kpd kakaknya*; **3.** ki memberikan banyak-banyak, menyumbangkan: *apakah tidak ada kewajiban bagiku utk ikut serta ~ tenaga?* **4.** menumpukan, memusatkan (fikiran): *biasanya ia sabar dan tidak pernah ~ fikirannya kpd perempuan*;

tercurah dicurahkan, ditumpukan, tertumpah: *bunyi piring berlaga itu diselang-selangi pula oleh bunyi deruan air ~*;

curahan **1.** yg dicurahkan; **2.** aliran (air) yg jatuh atau turun dgn deras, aliran mencurah: *bilas bersih-bersih tetapi cepat-cepat di bawah ~ air yg banyak*; **3.** ki sesuatu yg diberikan (disumbangkan) dgn banyak dan berterusan: *setiap usaha memerlukan ~ tenaga utk mencapai matlamatnya*;

pencurahan perihal atau perbuatan mencurahkan.

curai **1.** tercerai, terurai, tidak bersatu (berikat); **2.** jelas, terang;

mencuraikan **1.** menguraikan, menceraikan; **2.** menerangkan, menjelaskan;

tercurai terbuka, terurai: *bungkusan itu pun ~, terlihatkan oleh Adnan isinya*;

curaian huraian, penjelasan.

curam terjal, cerun, sangat menurun (hampir tegak): *tebing sungai itu sangat ~;*

mencuram menjadi curam, beransur-ansur curam: *benua itu ~ dr dataran pantainya hingga ke rusuk benuanya;*

curaman permukaan (tanah dll) yg curam (spt tebing sungai dll), lerengan: *dia menuruni ~ bukit itu menuju ke tasik utk mengambil air;*

kecuraman keadaan curam, kecondongan.

curang I **1.** tidak jujur, tidak lurus (tulus) hati: *orang-orang yg munafik senantiasa berhati ~;* **2.** tidak setia (khianat) kpd suami (isteri, tunangan dsb) dgn menjalin hubungan cinta dsb dgn orang lain;

mencurangi **1.** menipu, membohongi, mengakali; **2.** berlaku tidak setia kpd (suami, isteri dsb): *dia ~ gadis itu;*

kecurangan keadaan curang, ketidakjujuran: *~ pegawai itu dapat diketahui oleh Jabatan Penyiasat Kecurangan; saya mempunyai bukti yg kukuh mengenai ~ suami saya itu.*

curang II jurang.

curat ceret, muncung (cerek dll);

mencurat memancar dgn derasnya, memancut.

curi; *berinai* ~ istiadat menghias dan menginai pengantin perempuan (dihadiri oleh kaum keluarga sahaja); *maling* ~ bermacam-macam perbuatan mencuri;

curi-curi (dgn) diam-diam, secara rahsia: *mereka ~ berjumpa kerana takut diketahui oleh keluarga masing-masing;*

mencuri **1.** mengambil kepunyaan orang tidak dgn kebenarannya, memaling: *kadang-kadang dia ~ duit ayahnya dan sebab itulah dia selalu dipukul;* **2.** = **mencuri-curi** membuat sesuatu dgn tidak diketahui orang atau dgn diam-diam (sembunyi-sembunyi, rahsia):

ketika saya ~ melihat mukanya, nampak ia tersenyum; dia telah ~ pergi bersama-sama kawannya;

~ hati memikat hati; ~ masa menggunakan masa bekerja utk hal lain; ~ pandang memandang dgn cepat-cepat lalu menoleh ke tempat lain; ~ pekerja mengambil atau menarik pekerja (yg sedang berkhidmat dgn) sesebuah syarikat dll tanpa kerelaan majikannya; ~ tulang mengelakkan pekerjaan dgn tipu helah (kalau tidak diawasi tidak bekerja);

curian barang (apa) yg dicuri, hasil mencuri;

kecurian 1. kehilangan harta benda dll kerana kena curi, kemalingan: *~lah baginda tujuh biji peti yg berisi emas;* 2. menanggung atau menderita sesuatu kerana lalai;

pencurian perihal (perbuatan) mencuri;

pencuri orang yg mencuri, maling.

curiah Mn suka berbual-bual, peramah.

curiga I sl keris.

curiga II 1. syak wasangka, waswas, sangsi: *mereka berasa ~ terhadap sesiapa yg membawa fikiran dan pendapat-pendapat baru;* 2. berjaga-jaga atau berhati-hati (kerana syak atau sangsi akan sesuatu);

mencurigai menaruh (perasaan) curiga terhadap, kurang percaya kpd, mengesyaki: *kita harus ~ orang-orang yg spt ini; guru tersebut ditukarkan ke hulu-hulu kerana dicurigai bergerak cergas dlm parti politik;*

curiga-mencurigai mencurigai antara satu sama lain, saling mencurigai: *timbullah tuduh-menuduh, ~ antara orang Melayu dgn bukan Melayu;*

mencurigakan membangkitkan curiga (kurang percaya, sangsi): *adakah gerak-geri yg ~?*

kecurigaan 1. perihal curiga; **2.** syak wasangka: *yg menyebabkan ~ Rahim ialah pemuda itu, walaupun tidak bekerja, mempunyai wang yg banyak.*

curik sl pisau atau parang.

curu Mn; **mencuru** buang-buang air, berak-berak cair.

cus 1. bunyi spt bunyi angin keluar dr tiub bola (bara api disiram air dll);
2. kata utk menyatakan sesuatu gerakan yg deras spt angin dll.

cutak (Sunda) ark daerah; *kepala ~ pegawai daerah.*

cutam hasil pertukangan perak yg ukirannya diwarnai dgn sj benda hitam (rupanya spt jadam).

cutel Jw tamat, selesai, habis (cerita dll).

cuti 1. hari kelepasan, libur: *31 Ogos ialah ~ am bagi seluruh penduduk Malaysia;* **2.** masa yg dibenarkan utk tidak bekerja (utk berehat, dirawat kerana sakit, dll), libur;

~ am hari kelepasan umum utk seluruh negara (spt hari raya, hari keputeraan Nabi Muhammad SAW, dll); *~ belajar* cuti yg diberikan kpd seseorang pekerja utk melanjutkan pelajaran, sama ada dgn bergaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji; *~ bersalin* cuti bergaji selama satu tempoh yg ditetapkan yg diberikan kpd seseorang pekerja wanita sebaik sahaja melahirkan anak; *~ sakit* cuti yg diberikan oleh doktor kerana seseorang itu didapati sakit dan tidak boleh bekerja; *~ tahunan* sejumlah cuti rehat bergaji penuh yg berhak dinikmati seseorang pekerja setiap tahun; *~ tanpa gaji* cuti yg dibenarkan kpd seseorang pekerja atas sebab tertentu tanpa mendapat bayaran gaji; *~ umum* cuti am;

bercuti 1. tidak bekerja kerana hari cuti (am dll), berlibur; **2.** tidak bekerja beberapa hari atau lama (kerana sakit, hendak berehat, dll), berlibur: *Pulau Pinang ialah tempat orang pergi utk bersiar-siar sewaktu ~;*

percutian cuti, perihal bercuti: *dlm ~ penggal pertama persekolahan, pulanglah ia ke rumah; majikanku bertanya sama ada ~ku melapangkan fikiran;*

pecuti orang yg (sedang) bercuti.

cwt kep *hundredweight* (unit ukuran berat yg bersamaan dgn 112 paun atau 50.8 kg di Britain, dan 100 paun atau 45.4 kg di Amerika Syarikat).

czar (zar) (Rusia) (gelaran bagi) maharaja Rusia atau kaisar sebelum berlaku revolusi pd tahun 1917.

czarina (zarina) (Rusia) (gelaran bagi) isteri maharaja Rusia sebelum tahun 1917.

d huruf keempat abjad Rumi.

da kep uda atau muda.

d/a kep dgn alamat.

dab Ar sj binatang padang pasir, seakan-akan biawak kecil, yg dianggap mempunyai khasiat perubatan, selalunya dikaitkan dgn peningkatan tenaga batin lelaki.

daba I; *hawa-~*; → **hawa I**.

daba II bp kolar baju: *~mu ni digigit lipas*.

dabah → **zabah**.

dabak Mn; **mendabak** datang dgn tiba-tiba (dgn tidak disangka-sangka): *hujan ~*.

dabal I ark pundi-pundi yg dilekatkan pd tali pinggang utk menaruh peluru.

dabal II Id; *~ tengah tiang* sj pakaian orang laki-laki (dipakai pd majlis jamuan dsb).

dabal III; *~ bes* sj alat muzik bertali.

dabat ark sl binatang.

dabbatulardi sl binatang melata yg ada di bumi: *ketahui olehmu itulah ~ yg dikeluarkan Allah pd akhir zaman*.

dabik; **mendabik**; *~ dada* menepuk (menampar) dada menunjukkan keberanian atau kebanggaan: *ia ~ dadanya dan mencabar sesiapa saja utk menentangnya*;

pendabik; *~ dada* orang yg takbur atau angkuh: *kekayaannya menjadikan dia ~ dada di muka ramai*.

dabing 1. penukaran pertuturan dr satu bahasa ke bahasa yg lain dlm filem, alih bahasa; **2**. perihal (proses, kerja) memasukkan bunyi (suara, muzik dsb) ke dlm filem dsb, alih suara;

mendabing **1.** membuat dabing, mengalih bahasa; **2.** membuat dabing, memasukkan bunyi (suara, muzik, dsb) ke dlm filem dsb, mengalih suara.

dabir sl jurutulis, penulis.

dabung; berdabung berasah (berpepat) gigi; *gadis itu belum ~ lagi* gadis yg masih muda (belum berasah gigi);

mendabung mengasah (memaras, memepat) gigi.

dabus = *permainan* ~ = *pertunjukan* ~ pertunjukan kekebalan dgn mencuba melukai diri; *anak* ~ orang yg mengambil bahagian dlm permainan dabus; *besi* ~ = *mata* ~ sj besi tajam utk melukai atau menusuk diri (dlm permainan dabus); *khalifah* ~ pemimpin permainan dabus; ~ *rantai* rantai besi yg merah pijar warnanya dan dipakai dlm permainan dabus;

berdabus memperlihatkan permainan dabus, mempertunjukkan kekebalan: *pendekar leka bersilat, khalifah leka* ~.

dacing sj alat penimbang (yg terdiri drpd batang yg berskala atau bersengat, batu penimbang serta tempat meletak barang);

anak (buah, batu) ~ logam pd dacing sbg pengimbang berat (ketika menimbang); *lidah* ~ jarum (pd dacing) yg menunjukkan keseimbangan timbangan; ~ *palingan tangan, lidah palingan hati* prb tidak sama antara cakap dgn niat;

berdacing **1.** sl bertimbang: *sudah terkampung semuanya lada maka ~lah ke kapal*; **2.** menggunakan dacing (sbg alat penimbang barang); **3.** mempunyai dacing;

mendacing menimbang dgn dacing.

dad (d□Od) **1.** huruf ke-15 abjad Arab (mempunyai nilai 800); **2.** huruf ke-16 abjad Jawi.

dada **I** **1.** bahagian tubuh yg di hadapan terletak di antara perut dgn leher; **2.** = *buah* ~ susu (tetek) perempuan; **3.** = *rongga* ~ ruang

dada yg mengandung jantung dan paru-paru; *membusungkan* ~ ki membanggakan diri, memperlihatkan lagak sombong; **4.** bagian yg bertentangan dgn tulang belakang buku;

~ *akhbar* halaman hadapan akhbar; ~ *ayam* = ~ *burung* dada yg bergembung ke atas; ~ *bidang* dada yg lebar; ~ *lapang* ki sabar, tidak pemarah; ~ *lega* ki senang hati; (*dgn*) ~ *terbuka* (*dgn*) rela, (*dgn*) ikhlas;

~ *manusia tidak dapat diselam* prb pikiran atau isi hati orang tidak dapat diduga; *belah* ~ *lihatlah hati* prb berkata dgn benar; *seluas* ~ *tuma* prb terlalu sempit; *tepek* ~ *tanya selera* prb berfikir dahulu sebelum membuat keputusan; *tiba di* ~ *dibusungkan*, *tiba di perut dikempiskan* prb perlakuan yg tidak adil;

berdada mempunyai dada yg penuh (berisi);

berdada-dadaan berlawan satu sama satu, bertempur seorang lawan seorang;

mendada 1. = *berjalan* ~ berjalan dgn membusungkan dada, berjalan dgn sikap angkuh atau perasaan megah: *dia berjalan ~ dgn tidak memandang ke kiri dan ke kanan*; **2.** menahan (menangkis) dgn dada; **3.** berdada-dadaan; *perang* ~ perang (pertempuran) seorang lawan seorang;

dadaan bagian badan sebelah perut (hadapan).

dada II; ~ *ruan* sj tumbuhan (pokok), petaling air, *Homalium frutescens*.

dadah 1. ubat-ubatan; **2.** bahan (spt ganja, heroin, marijuana, dsb) yg merosakkan atau membinasakan orang yg menggunakannya berlanjutan (merosakkan kesihatan, membawa maut, dll);

pendadah tempat menyimpan dadah (ubat-ubatan).

dadak I; mendadak (dgn) tiba-tiba, (dgn) tidak disangka-sangka, (dgn) serta-merta: *ia berangkat dgn ~; perubahan ~; ~ sontak* sangat tiba-tiba, serta-merta.

dadak II → kedadak I & II.

dadap I sl perisai bulat yg dibuat drpd rotan atau kulit kayu.

dadap II sj tumbuhan (pokok); → **dedap**.

dadar 1. = *kuih* ~ sj kuih biasanya berinti kelapa yg kulitnya dibuat drpd tepung gandum bercampur telur dll; **2.** = *telur* ~ telur yg dipukul dan digoreng nipis;

mendadar membuat dadar; ~ *telur* menggoreng nipis-nipis telur yg sudah dipukul.

dadek (dadék) Mn ark; **terdadek** tersesat.

dadi ark dadih.

dadih air susu (kerbau, lembu, dll) yg pekat atau telah dikentalkan; *kepala* ~ bahagian dadih yg di sebelah atas; ~ *darah* darah yg pekat (kental); ~ *jalang* susu yg baik; ~ *kering* mentega; ~ *pekat* susu yg pekat (kental); *mengajar orang tua makan* ~ prb mengajar orang yg lebih pandai.

dadu I 1. sj kiub yg bertanda titik (dr satu hingga enam) pd kesemua permukaannya (biasanya digunakan dlm perjudian); **2.** = ~ *putar* = ~ *pusing* = ~ *sintir* sj alat judi yg boleh diputar (dipusing); **3.** kiub (benda berbentuk segi empat yg mempunyai enam permukaan).

dadu II (warna) merah muda: *bunga raya ~; pipinya yg berwarna ~.*

daduh; mendaduh, mendaduhkan menidurkan anak dgn bernyanyi, mengulit(kan), mendodoikan, mendondong; → **dadung**.

daduk; mendaduk meminta sedekah, mengemis;

pendaduk peminta sedekah, pengemis.

dadung; berdadung bernyanyi utk menidurkan anak, berulit;

mendadung, mendadungkan menyanyikan anak supaya tidur, mengulit(kan), mendodoikan, mendondong; → **daduh**.

daeng (daéng) gelaran Bugis.

daerah (daérah) **1.** lingkungan sesuatu pemerintahan, wilayah (sesebuah negara): *Sabah dan Sarawak termasuk dlm ~ Malaysia*; **2.** bahagian sesebuah negeri (sekeliling sesebuah bandar) yg mempunyai sempadannya utk kemudahan pentadbiran: *negeri Melaka terbahagi kpd tiga buah ~, iaitu Melaka Tengah, Jasin, dan Alor Gajah*; ~ *Temerloh*; *pegawai ~ pegawai kanan kerajaan* yg mengurus pentadbiran sesebuah daerah (dlm bidang-bidang tertentu); **3.** kawasan yg mempunyai iklim (penduduk, hasil dll) yg sama: ~ *hawa panas*; ~ *orang asli*; **4.** kawasan yg berada di bawah sesuatu pengaruh (kekuasaan, keadaan, dll): ~ *darurat*; ~ *tentera*; **5.** ki skop, bidang: *menyimpan rahsia termasuk dlm ~ amanah*; ~ *mata air* daerah yg mendapat (bekalan) air dr mata air; ~ *pedalaman* daerah yg jauh dr pantai (yg terletak di ceruk pelosok atau di hulu negeri), hulu; ~ *seberang laut(an)* daerah jajahan; ~ *sungai* kawasan yg mendapat air dr sungai; ~ *takluk* tanah jajahan; ~ *tidak bertuan* daerah yg tidak dikuasai oleh mana-mana kerajaan (pemerintahan);

sedaerah 1. berasal dr (berada atau terletak di) daerah yg sama; **2.** mengenai satu daerah sahaja, setempat;

kedaerahan yg tertumpu pd atau mengenai sesuatu daerah (tidak meluas atau menyeluruh): *ia perlu menyingkirkan faham ~nya*; *pengajaran dlm ilmu kesihatan harus bersifat ~*.

dafah Ar, sl hantaran perkahwinan: *ia mengarak ~ yg indah-indah spt raja kahwin*.

dafnah ark sj tumbuhan (pokok kecil) yg daunnya dibuat mahkota pahlawan.

dafodil sj bunga kuning berbentuk loceng, yg bertangkai panjang yg terdapat di negara yg mempunyai empat musim.

daftar susunan (nama, barang, dll) yg ditulis menurut urutan angka atau abjad, senarai: ~ *buku*; ~ *istilah baru*; ~ *nama pengundi*; ~ *hitam* senarai orang yg dianggap berbahaya (disyaki jahat);

berdaftar mempunyai daftar, termasuk (tercatat) dlm daftar; *surat* ~ surat yg telah dicatatkan dlm daftar (utk layanan istimewa dlm urusan pengirimannya);

mendaftar, mendaftarkan memasukkan (mencatatkan) dlm daftar, mengurus supaya tercatat dlm daftar (nama dan biasanya juga keterangan penting atau yg diperlukan): *para peminat diminta supaya ~ namanya di kantor kami*; *ibu bapa diminta segera ~ anak-anak mereka yg layak masuk ke sekolah*;

terdaftar sudah tercatat (tertulis) dlm daftar;

pendaftaran perihal mendaftarkan, tindakan atau urusan dsb mencatatkan (merakamkan) dlm daftar: *Kesatuan Penarik-Penarik Beca sudah pun diluluskan ~nya oleh kerajaan*; *pejabat* ~ pejabat tempat mendaftar (utk kelahiran, kematian, dsb);

pendaftar pegawai yg bertanggungjawab tentang (atau yg mengurus) pendaftaran, orang yg mendaftar(kan).

daga I; ~-*dagi* berbagai-bagai perbuatan menentang perintah;

mendaga menentang (membantah) perintah; → **dahagi I**.

daga II ark haus; → **dahaga I**.

dagang I 1. (berasal) dr tempat lain atau dr luar negeri (bkn orang, barang, dll), asing: *dgn perjumpaan ini, saya tidak berasa ~ lagi tinggal di sini*; *anak* ~ orang asing, orang yg berasal dr tempat (negeri) asing; *beras* ~ beras yg diimport dr luar negeri; *orang* ~ a) orang asing; b) orang yg berniaga, saudagar; *pegawai* ~ pegawai yg bertugas di negeri orang; **2.** orang yg merantau atau

mengembara, perantau: *akan Laksamana, ia berusung itu dipandang oleh segala ~; orang tua itu mudah menolong kalau diminta, mudah membantu kalau ~ kesukaran*; **3.** perniagaan, jual beli: *aku fikir bukan perahu nelayan, harus perahu itu perahu ~; tanaman ~ tanaman yg hasilnya diperniagakan*; **4.** barangan utk diperniagakan, barang jualan: *maka segala saudagar pun tiap-tiap negeri datanglah berniaga dan ~ pun terlalulah banyak masuk, tumpah-ruah*;

~ melarat orang yg merantau dan hidup menderita di tempat orang; *~ piatu* orang asing seorang diri (sebatang kara); *~ senteri* berbagai-bagai orang asing yg mendatang (saudagar, pelawat, pelajar, dll);

laki pulang kelaparan, ~ lalu ditanakkan prb urusan sendiri ditinggalkan kerana mementingkan urusan orang lain; *perahu bertambatan, ~ bertepatan* prb melakukan sesuatu hendaklah sesuai dgn tempatnya;

berdagang 1. menjalankan perniagaan biasanya di tempat asing atau dgn pembeli atau penjual dr tempat (negeri) asing, berniaga, berjual beli: *mereka ~ kain dan menjadi tukang jahit; dia memperoleh banyak keuntungan dgn ~*; **2.** = *~ diri* hidup (tinggal, diam) di negeri orang, merantau ke tempat (ke negeri) lain: *sungguh-sungguh tidak disangka orang luar yg datang ~ ini menghitamkan kampung yg putih bersih itu*;

mendagangkan, memperdagangkan menjadikan (barang dll) sesuatu utk dijual beli, menjualbelikan (barang-barang perniagaan), memperniagakan (biasanya ke tempat atau negeri asing): *rupanya manusia kita ini diperdagangkan oleh lanun-lanun itu sbg menjual kambing, lembu, atau ayam itik; Nakhoda*

Jaya telah diamanhkannya memperdagangkan barang-barang dagangannya ke negeri-negeri lain;

dagangan barang-barang yg diperdagangkan (diperniagakan atau dijualbelikan, biasanya di atau ke tempat atau negeri asing): *pd ketika itu bapaku menjadi saudagar, membawa ~ belayar pergi datang ke negeri Siak;*

~ bersambut a) dagangan yg diambil dgn berhutang; b) dagangan yg diamanahkan; *~ cergas* urus niaga di pasaran saham dsb yg secara keseluruhannya memperlihatkan jumlah belian dan jualan yg besar; *~ keluar* barang yg dieksport; *~ lembap* urus niaga di pasaran saham dsb yg sangat perlahan dan berkurangan kerana pelabur tidak berminat utk memasuki pasaran atas sebab tertentu; *~ masuk* barang yg diimport; *~ bersambut yg dia jual* prb cerita dr orang lain yg diceritakannya kembali;

perdagangan perihal berdagang, urusan berniaga, perniagaan (biasanya antara negara-negara): *cukai yg tinggi ke atas barang-barang yg diimport menyekat ~ antara dua buah negara itu; usaha-usaha utk memajukan ~ antara negara-negara yg sedang maju;*

~ antarabangsa perdagangan antara negara-negara di dunia ini; *~ bebas* perdagangan antarabangsa yg tidak dikenakan sebarang sekatan spt kuota atau tarif terhadap barang import dr sesebuah negara; *~ entrepot* perdagangan mengimport barang utk dieksport semula (spt yg dijalankan di pelabuhan spt Singapura, Hong Kong, dll); *~ gelap* perdagangan yg dijalankan secara haram (tanpa membayar cukai dll);

pedagang orang yg menjalankan perniagaan (biasanya secara besar-besaran dan dgn negeri asing), orang yg berdagang,

saudagar: *kapal dan ~ Sepanyol telah diharamkan drpd merapati pantai negeri Jepun;*

~ borong pedagang yg menjual dagangan secara borong kpd pekedai; *~ kecil* pedagang yg berdagang dgn modal yg kecil; *~ perantara* pedagang yg menjual barang-barang drpd saudagar besar kpd saudagar kecil, pedagang yg berlaku sbg orang tengah; *~ runcit* orang yg menjual barang-barang terus kpd umum (iaitu pembeli atau pengguna sebenar) biasanya dgn sedikit-sedikit.

dagang II Mn; **mendagang** memikul, mengusung;

dagangan barang-barang yg dipikul;

pedagang benda (spt kandar) yg digunakan utk memikul.

dagel Jw; *tukang ~ = dagelan* orang yg berjenaka, pelakon yg membuat orang ketawa, pelawak;

mendagel melawak, berjenaka (utk membuat orang ketawa).

dagi; *daga-~* berbagai-bagai perbuatan menentang perintah;

mendagi menentang (membantah) perintah;

pendagi orang yg menentang perintah; → **daga I, dahagi I.**

daging 1. isi (pd manusia atau binatang) di antara kulit dgn tulang: *~ lembu;* *~ kambing;* *~ paha* daging pd paha; **2.** isi buah yg lembut (bahagian di antara kulit dgn biji buah): *buah embacang itu tebal ~nya;* **3.** tubuh manusia (sbgimbangan jiwa dan batin); *~ asap* daging yg dikeringkan dan diawet dgn asap; *~ asin* daging yg digarami; *~ basah* daging yg baru (dr binatang yg baru disembelih); *~ batang pinang* daging (lembu, kerbau dsb) lembut dan kurang lemak (berkualiti tinggi) drpd bahagian belakang dan sisi badan di antara tulang rusuk dgn tulang paha; *~ kain* susunan benang pd kain; *~ kancing* hujung daging yg keras dan liat; *~ menempel* ketuat, mata ikan;

bangau, bangau minta aku leher, badak, badak minta aku ~ prb iri hati melihat kelebihan orang lain; sebusuk-busuk ~, dikincah dimakan juga prb membersihkan nama kaum kerabat drpd celaan;

berdaging 1. mempunyai daging, gemuk; **2.** ki kaya; *(sudah) tidak ~ lagi* sudah kurus benar atau sudah jatuh miskin;

mendaging 1. menjadi (spt) daging: *isi durian itu sudah mula ~ ayam;* **2.** mulai sembuh (bkn luka dsb): *lukanya sudah mula ~;*

terdaging 1. sampai ke daging (bkn hirisan dsb); **2.** ki sangat melukai hati.

dagu 1. bahagian muka di sebelah bawah mulut; *~nya spt lebah bergantung* ki dagu yg cantik; **2.** bahagian sesuatu yg menyerupai dagu; *~ keris hujung ganja keris; spt janggut pulang ke ~* prb kena pd tempatnya.

dagun; *akar ~* sj tumbuhan (pokok), akar mentadu, akar putat, *Gnetum tenuifolium.*

dah I singkatan bagi sudah: *~ lama kami cari rumah, tidak dapat.*

dah II tugas, dinas.

dahaga I 1. berasa kering kerongkong dan hendak minum, haus; **2.** keinginan keras hendak minum, haus; *melepaskan (menghilangkan) ~* minum (banyak-banyak) sehingga tidak haus lagi; **3.** ki sangat ingin akan sesuatu: *anak kecil itu begitu ~ akan kasih sayang kedua-dua ibu bapanya; anak-anak Melayu yg ~ akan ilmu pengetahuan;*

berdahaga menanggung rasa dahaga: *dia sentiasa mengasingkan diri drpd orang ramai dan sentiasa berlapar dan ~;*

mendahagai dahaga akan, sangat inginkan, mahukan (sesuatu) dgn amat sangat: *ia ~ pujukan mesra; ~ kasih sayang;*

mendahagakan menyebabkan berasa dahaga (haus), menghauskan;

kedahagaan perihal dahaga, kehausan, keinginan (akan sesuatu).

dahaga II; ~-*dahagi*; → **dahagi I**.

dahagi I pertentangan terbuka terhadap pihak berkuasa; *dahaga*-~ berbagai-bagai pertentangan terhadap pihak berkuasa;

mendahagi menentang pihak berkuasa;

pendahagi orang yg menentang pihak berkuasa.

dahagi II Kd, Pl degil: *budak itu ~ sangat*.

dahak gelema (lendir) yg keluar dr kerongkong ketika batuk, kahak;

berdahak, mendahak mengeluarkan dahak, berkahak, mengahak.

daham batuk kecil biasanya disengajakan (kerana hendak menarik perhatian orang dsb);

berdaham berbatuk kecil (mengeluarkan bunyi hem, hem):
apabila terdengar ayahnya ~, Ahmad terhenti drpd bermain-main;

deham.

dahan I bahagian yg tumbuh dr batang pokok; ~ *pembaji batang = baji membelah* ~ prb berbudi kpd orang dgn menggunakan perbelanjaan orang itu sendiri;

berdahan mempunyai dahan atau sudah tumbuh dahannya: *pokok yg ~*.

dahan II → **pendahan.**

dahanam Kd, Kl bunyi yg kuat, bergempa;

berdahanam berbunyi dgn kuat.

dahar; mendahar 1. (Sunda) makan; **2.** Jk santap.

dahara; akar ~ sj tumbuhan (pokok), *Ficus recurva*.

dahat Kl palang, salib.

dahi 1. bahagian muka di antara kening dgn kaki rambut: ~*nya berkerut;*

bulu ~ kening; ~*nya kiliran taji* ki dahinya licin; ~*nya sehari bulan* ki kaki rambutnya melengkung spt bulan sehari; **2.** ki

bahagian depan (sesuatu) yg boleh disifatkan sbg dahi; ~ *layar* kayu pd tiang utk menguatkan layar;

biar ~ *berluluk asal tanduk mengena* prb biar bersusah payah asal maksud tercapai; *siapa pun jadi raja, tangan aku ke* ~ *juga* prb siapa pun yg berkuasa, aku tetap menghormatinya.

dahiat Ar kecelakaan, kemalangan.

dahina sl (siang) hari.

dahlia tumbuhan (berasal dr Amerika Tengah) yg akarnya berumbi dan bunganya berwarna-warni, *Dahlia pinnata*.

dahri, dahriah Ar; *kaum* ~ kaum yg mempercayai bahawa alam ini sedia wujud (tiada penciptanya).

dahsyat **1.** menakutkan, mengerikan: *mencapai sesuatu dgn membunuh orang ialah cara yg sangat* ~ *dan mengerikan*; *kemalangan jalan raya yg* ~; **2.** Kl takut (ketakutan), ngeri: *takut dan* ~*lah ia*; **3.** hebat, amat sangat, terlampau (hebatnya, kuatnya, bisingnya, bodohnya, mahalny, dll): ~ *betul engkau ini, engkau lebih tolol drpd adikmu*; *letupan yg* ~ *kuatnya*; ~ *betul harga barang-barang di kedai itu*;

mendahsyat menghebat, menjadi-jadi: *peperangan semakin* ~;

mendahsyatkan **1.** menimbulkan rasa takut atau ngeri, menakutkan, mengerikan: *keadaan yg sebenarnya sangat* ~ *hatinya*; **2.** menghebatkan, memburukkan, menerukkan: *kejadian-kejadian demikian* ~ *lagi keadaan*;

memperdahsyat **1.** menjadikan bertambah takut atau ngeri; **2.** menjadikan lebih teruk atau hebat, memperhebat;

kedahsyatan **1.** ketakutan, kengerian; **2.** kehebatan: ~ *serangan yg dilancarkan*; **3.** kehairanan, keajaiban: *mereka melihat keindahan dan* ~ *dunia di sekeliling mereka*.

dahuk Kd terlalu ingin akan hak orang lain (lebih buruk drpd tamak atau haloba).

dahulu 1. yg telah lepas (berlalu), yg telah lampau, yg lalu: *beberapa hari ~; tiga tahun ~; zaman ~ (pd) zaman atau jangka masa yg sudah lama berlalu; 2.* pd masa (waktu) yg telah lalu (lepas), sebelum ini, sebelumnya: *~ dia berkhidmat dgn kerajaan tetapi sekarang dia bekerja di sebuah bank; ~ masih kecil, sekarang sudah besar panjang; 3.* pertama sekali atau sebelum melakukan (meneruskan) sesuatu, sementara menunggukan sesuatu atau sesuatu ketika: *kita kemaskan barang-barang ini ~, kemudian baru kita pergi; berehatlah ~, sekejap lagi dia pulang; 4.* lebih awal (drpd sesuatu), sebelum; *~ drpd itu sebelum itu; kelmarin ~ hari sebelum kelmarin, dua hari yg lalu; 5.* (yg) paling depan, di hadapan sekali: *dia berjalan ~, kami semua mengikut di belakang; 6.* paling awal, pertama sekali (lebih awal drpd yg lain): *dia yg sampai ~, dan seminit kemudian baru pelumba yg kedua pula sampai;*

berdahuluan, berdahulu-dahuluan, dahulu-mendahului berkejar atau berlumba hendak sampai (dapat dll) dahulu: *kedua-dua budak itu ~ ke ribanya;*

mendahului 1. membuat (melakukan dsb) lebih awal atau dahulu drpd (lawan, saingan, dsb): *Rusia telah ~ Amerika melancarkan roket ke bulan; 2.* melakukan (sesuatu) lebih awal drpd segala sesuatu yg lain, memulai: *~ ucapan dgn mengalu-alukan kedatangan tetamu khas;*

mendahulukan 1. membuat sesuatu lebih awal drpd yg lain: *perintah Allah harus didahulukan drpd kerja sendiri; 2.* memberikan keutamaan (layanan terawal dsb) kpd: *orang-orang muda hendaklah ~ orang-orang tua;*

terdahulu 1. yg lebih dahulu atau lebih awal, yg mula-mula, yg sudah ada (bergiat dsb) sebelum golongan dsb yg sekarang ini: *setengah-setengah penulis sekarang merendah-rendahkan karya penulis yg ~*; **2.** sebelum (yg lain), lebih awal drpd yg lain: *siapa yg datang ~ mendapat tempat di hadapan*;

kedahuluan 1. perihal terdahulu; **2.** Jk didahului, terlambat, terlewat;

keterdahuluan perihal terdahulu: *~ Allah atas alam*;

pendahuluan 1. permulaan; *kata ~* keterangan di permulaan buku oleh pengarangnya; **2.** = *bayaran* ~ bayaran (yg merupakan sebahagian drpd harga sesuatu) yg dibuat terlebih dahulu (sebelum selesainya urusan jual beli), bayaran muka;

pendahulu 1. orang dll yg mendahului; **2.** yg terdahulu: *yg memperbezakan sistem antarabangsa sezaman drpd sistem-sistem ~nya.*

dahulukala (pd) zaman atau jangka masa yg sudah lama berlalu.

dai (da.i) Ar pendakwah.

daif cacat, hina, lemah: *orang yg ~*;

mendaifkan memandang rendah (hina), menghinakan: *tidak guna ~ orang yg lemah*;

kedaifan perihal daif, kehinaan, kekurangan, kelemahan.

daih; mendaih Kd menghalang (menahan) kaki seseorang supaya jatuh: *dia ~ kaki saya.*

daik benteng atau tembok, biasanya dibuat drpd tanah utk membendung air.

dail cakera pd telefon yg ditandai dgn nombor yg diputar sewaktu menghubungi seseorang;

mendail memutar dail atau menekan butang bernombor pd telefon sewaktu hendak menghubungi seseorang.

daim Ar abadi, kekal selama-lamanya.

daiman 1. lambang berbentuk wajik berwarna merah pd daun terup; **2.** daun terup yg mempunyai lambang ini.

daing I → daeng.

daing II ikan (daging) yg dikeringkan;

minta darah pd ~ prb meminta pertolongan drpd yg tidak berupaya menolong.

daisi sj bunga kecil, biasanya tumbuh liar di negara Eropah, berwarna putih dgn tengahnya berwarna kuning.

daitia → datia.

dajal Ar **1.** makhluk yg akan muncul utk menyesatkan manusia sebelum terjadi kiamat, tetapi akhirnya dapat dibunuh oleh Nabi Isa as; **2.** ki (orang yg) berperangai jahat (penipu dll), buruk (bkn sifat, kelakuan); ~ *sungguh fiilnya* buruk sungguh perangnya; *anak* ~ anak yg jahat.

dajat Kd ejek, perli, usik.

dak kep tidak; *buat* ~ buat tidak tahu; ~-*dek* Kl tidak sedikit pun, bukannya; ~-*keneh* Kl bukankah begitu, iakah.

daka, dakah Ar papan penutup liang lahat; *mengarak* ~ perubahan perangai bagai orang yg hampir mati.

dakap; ~ *diri* ki orang yg malas bekerja;

berdakap berpeluk (utk melepaskan rindu dendam dsb); ~ *tubuh* = ~ *tangan* a) berpeluk tubuh; b) tidak bekerja, tidak membuat apa-apa;

berdakap-dakapan saling berdakap, berpeluk-pelukan: *dua orang kekasih yg ~ di tempat sunyi*;

mendakap memeluk;

dakapan pelukan;

sependakap sepemeluk: *pohon itu ~ besarnya*.

dakar **1.** berani, cekal hati: *pendekar yg ~*; **2.** berani membuat sesuka hati, degil, keras kepala: *engkau terlalu ~*;

berdakar-dakar; *cakapnya ~ cakapnya besar.*

dakelin; *daun ~* sj tumbuhan (rumpai), ari-aring, aring-aring, dawah, keremak hutan, rumput kunang putih, *Eclipta alba.*

dakhil Ar **1.** yg di dalam (tidak zahir), yg mengenai batin; *penyakit ~* penyakit batin, penyakit dlm badan; **2.** ark terlalu karib, rapat benar.

daki **I** kotoran yg melekat pd badan (pakaian dll); *membuang ~* membersihkan drpd daki; *~ dunia* harta dunia (yg tidak boleh dibawa mati);

nyamuk ditepuk menjadi ~ prb tidak berfaedah melawan orang lemah, kerugian yg bertimpa datangnya.

daki **II**; **mendaki** **1.** memanjat (gunung, bukit, dsb): *pengembara itu terpaksa ~ gunung dan meredah hutan*; **2.** menuju ke puncak (gunung, bukit, dsb) atau ke bahagian yg makin tinggi: *jalan kecil yg berliku ~ bukit Seri Melaka*; **3.** makin menaik atau meninggi: *memandu kereta mengikut jalan yg ~*;

mendakikan memanjatkan, menaikkan, memajukan;

terdaki dapat mendaki (didaki): *dia tidak ~ bukit yg setinggi itu*;

pendakian **1.** perihal atau perbuatan mendaki, pemanjatan; **2.** = **dakian** tempat yg mendaki (menaik): *tidak usah kita tertawa pd waktu turun kerana ~ akan ditempuh pula*;

berpendakian mempunyai tempat mendaki: *di sana akan bertemu alam datar, tidak ~, tidak berpenurunan lagi*;

pendaki orang yg mendaki; *~ gunung* orang yg mendaki gunung.

dakon Jw; *(ber)main ~* bermain congkak.

dakron tanda dagang utk sj gentian tekstil sintetik: *Samad berseluar ~ coklat.*

daksina sl selatan; *dr ~ datang ke paksina* dr selatan hingga ke utara.

daktil 1. (Bio) jari tangan atau jari kaki; **2.** (Sas) ruas pola irama yg terdiri drpd satu suku kata panjang (bertekanan) yg diikuti oleh dua suku kata pendek (tak bertekanan).

daktilitis (Ubat) radang pd jari tangan atau kaki.

daku aku (terutama apabila perkataan sebelumnya berakhiran huruf n):
akan ~; dengan ~; maafkan ~.

dakwa aduan (tuntutan, tuduhan) yg dikemukakan di mahkamah;
kena ~ dituntut (dituduh) dlm perkara; ~-dakwi berbagai-bagai aduan (tuntutan, tuduhan);

berdakwa sl **1.** sedang dlm pembicaraan, berbicara: *maka Naina Sura Dewana pun ~ dgn Raja Mendaliar*; **2.** sedang dlm urusan perkara (sedang dituntut hakim dll), sedang menghadapi tuntutan (tuduhan), berperkara: *kerana sebab ~ ini tuan hamba mengupah hamba*;

mendakwa 1. mengemukakan tuduhan (aduan, tuntutan) terhadap seseorang dll ke mahkamah (utk pengadilan), mengemukakan (seseorang dll yg dituduh) di mahkamah (utk dibicarakan): *sesiapa sahaja yg melanggar undang-undang negara boleh didakwa di mahkamah*; **2.** mengatakan atau mengemukakan sesuatu sbg satu kenyataan atau kebenaran, mengaku: *orang Quraisy ~ agama merekalah yg benar; mereka ~ telah melihat beberapa orang awam ditembak mati oleh pemberontak itu*;

mendakwai menuntut (hak dll);

mendakwakan menuntut (sesuatu), menuduhkan;

terdakwa orang atau pihak yg didakwa (dituntut mahkamah);

dakwaan 1. tuduhan (tuntutan, aduan) yg dikemukakan utk diadili (di mahkamah): *sesuatu ~ terhadap perbuatan jenayah dimajukan oleh Jabatan Peguam Negara atau pihak polis*; **2.** sesuatu yg

dikatakan (dikemukakan dsb) supaya diterima sbg satu kenyataan atau kebenaran: *beliau membuat ~ tentang kemenangan pasukan tenteranya itu dlm satu sidang akhbar;*

pendakwaan perbuatan mendakwa, pengemukaan (penyampaian) sesuatu dakwaan (tuduhan): *Inspektor Ali telah melakukan ~ terhadap Busu;*

pendakwa (orang, pihak) yg mendakwa: *pihak ~ dijangka akan memanggil lebih drpd 20 orang saksi;* ~ *raya* pegawai yg mendakwa bagi pihak kerajaan.

dakwah 1. kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan; *golongan ~* golongan (kumpulan) yg bergiat dlm dakwah; ~ *songsang* bp penyampaian atau penyebaran ajaran yg bertentangan dgn syariat-syariat Islam; **2.** bp patuh kpd (mengikut) ajaran agama Islam dgn lebih sempurna (sebagaimana yg kelihatan pd tingkah laku dan pergaulan, cara berpakaian, dll): *dulu dia selalu bergaul bebas dan berpakaian moden tetapi sekarang ini sudah ~;*

berdakwah menjalankan kegiatan menyebarkan sesuatu kepercayaan;

mendakwahi berdakwah kpd: *Tok Haji cuba ~ pemuda-pemuda yg berambut panjang itu;*

mendakwahkan menyebarkan sesuatu kepercayaan: *Rasulullah ~ Islam sbg Din yg menjamin tamadun manusia;*

pendakwahan perihal mendakwahkan, penyebaran atau penyampaian ilmu agama: *tamadun yg tidak berasaskan tauhid, tidak terlepas drpd menjadi objektif ~ golongan fundamentalis;*

pendakwah orang (golongan) yg berdakwah.

dakwat 1. cecair berwarna (merah, hitam, dsb) yg digunakan utk menulis, tinta; ~ *emas* tinta berwarna emas; **2.** cecair berwarna

hitam yg dikeluarkan oleh sotong, kurita, dll (utk menyembunyikannya drpd pemangsa); *bagai ~ dgn kertas* prb tidak pernah bercerai (spt suami isteri yg saling mencintai);

berdakwat **1.** ada atau berisi dakwat: *pen saya tidak ~*; **2.** dilumuri dakwat; *alang-alang ~ biarlah hitam* prb berbuat sesuatu jangan alang kepalang.

dakyah → **diayah.**

dal I **1.** huruf kelapan abjad Arab (mempunyai nilai empat); **2.** huruf kesembilan abjad Jawi.

dal II tahun kelima dlm daur kecil (windu).

dal III; *kacang ~ sj tumbuhan* (pokok dan buahnya), kacang kayu, *Cajanus cajan.*

dala sj tumbuhan (pokok), kelumbai, *Crataeva macrocarpa.*

dalal **1.** Ar orang tengah, wakil penjual, ejen; *~ surat khabar* wakil penjual surat khabar; **2.** bayaran (biasanya peratusan) yg dibayar kpd ejen, jurujual yg menjalankan perniagaan atau yg memberikan perkhidmatan, komisen: *~ antara 15% hingga 25% drpd harga buku* diberikan kpd penjual.

dalalah I Ar perempuan yg mendapat upah kerana menemukan laki-laki dgn perempuan, barua, jaruman, pinang muda.

dalalah II Ar penerangan yg benar tentang Quran (tentang makna dsb yg terdapat di dalamnya); → **dalil.**

dalalat Ar (ajaran) yg salah atau sesat.

dalam I **1.** jarak (jauhnya) ke bawah atau ke dasar dr permukaan (air, tanah, dsb), jarak (jauhnya) ke tengah dr tepi atau pinggir sesuatu: *~ perigi itu kira-kira empat meter*; **2.** jauh ke bawah atau ke dasar dr permukaan (air, tanah, dll) atau jauh ke tengah dr tepi atau pinggir (hutan dll), jauh jaraknya di antara paras permukaan dgn dasar, tidak cetek: *lubang itu ~ sungguh; jangan suka berenang di*

tempat yg ~; **3.** bukan sedikit, tidak sempit, lebih drpd sekadar yg perlu sahaja: *dia mempunyai pengetahuan yg ~ tentang hal itu*; **4.** mengandungi makna yg tidak mudah difahami (bkn perkataan, ungkapan, dsb), lebih drpd yg terzhahir: *perkataan ini ~ maknanya*; **5.** tidak ceper (leper), jeluk (bkn pinggan atau piring); **6.** bahagian atau ruang (rumah, bilik, peti, almari, dll) yg lawannya luar: *diambilnya sepucuk surat dr ~ laci itu dan dihulurkannya kpd saya*; *dia memasukkan bungkusan itu ke ~ keretanya*; **7.** yg berkaitan dgn atau terbatas pd lingkungan sesuatu (spt negeri, keluarga, dll) itu sendiri: *urusan ~ negeri*; *masalah ~ keluarga*; **8.** yg tidak nampak atau ketara dr luar: *penyakit ~*; **9.** yg dipakai sebelum dipakai pakaian selengkapnya: *baju ~*; *seluar ~*; *~ berselam, dangkal (cetek) berjingkat (bertimba)* prb berpada dgn yg sedikit;

sedalam mencapai dalam atau sehingga dalamnya (sebagaimana yg dinyatakan): *digalinya lubang ~ kira-kira dua meter*;

sedalam-dalamnya **1.** seberapa dalam yg mungkin: *menggali ~*; **2.** dgn seberapa teliti atau terperinci: *perlu difikirkan ~ cadangan yg dikemukakan itu sebelum dibuat sesuatu keputusan*;

berdalam-dalam makin menjadi dalam (merebak, meluas, dsb), menjadi-jadi;

mendalam **1.** menjadi dalam atau lebih dalam (bkn lubang dsb), bertambah dalam: *lukanya semakin ~ kerana tidak dirawat dan dibubuh ubat*; **2.** menjadi kukuh dan tidak mudah luput (bkn perasaan, kepercayaan terhadap sesuatu dll), menjadi berat, melarat (bkn penyakit dll): *perasaan cintanya terhadap Bibah semakin ~*; *kebencian yg ~*; *tradisi lama di kampungku terlalu ~*; **3.** sampai ke peringkat yg terperinci (bkn kajian dsb), luas dan

teliti (meliputi banyak aspek): *kajiannya tentang sastera Melayu kurang ~;*

mendalami, memperdalam berusaha utk mengetahui (sesuatu) dgn lebih luas dan terperinci dgn mempelajari (mengkaji, menyelidik, dsb) dgn teliti dan terperinci, menjadikan lebih sempurna atau terperinci (pengetahuan dsb tentang sesuatu): *mereka akan mengkaji lebih banyak buku dan kitab utk ~ pengetahuan mereka tentang agama Islam; masing-masing ~ bidang yg diminatinya;*

mendalamkan 1. menjadikan dalam atau lebih dalam (perigi, lubang, dll): *beberapa orang pekerja sedang ~ telaga; 2. = memperdalam* ki menjadikan lebih dalam (pelajaran, pengetahuan, penyelidikan, dsb): *ia terus bekerja sambil ~ pengetahuannya tentang seni muzik; perkembangan profesional memberi fokus kpd intelektualisme, iaitu kpd memperdalam dan memperluas bidang pengetahuan dan kemahiran profesion;*

dalaman 1. isi perut; **2.** yg tersembunyi dan tidak mudah difahami (bkn makna ayat, kata-kata, dsb): *kita seharusnya menyelami makna ~ kata-kata yg diucapkannya itu; 3.* (yg) berkaitan dgn atau perlu diuruskan dsb oleh sesuatu organisasi itu sendiri; *struktur ~ (Lin) (dlm tatabahasa generatif) gambaran yg diandaikan terdapat dlm struktur sesuatu ayat pd peringkat dasarnya (hubungan gramatis atau hubungan logik dijelaskan sebelum struktur ayat tersebut mengalami perubahan kerana peraturan transformasi);*

kedalaman 1. perihal dalam (budi bahasa, pengetahuan, pelajaran, dll): *kedangkalan dan ~ ilmu pengetahuan seseorang; 2.* ark terlalu dalam;

pedalaman daerah yg jauh dr pantai (yg terletak di ceruk pelosok atau di hulu negeri), hulu: *dia menjadi orang yg paling*

berpengaruh di daerah ~; penjahat-penjahat sedang bersembunyi di daerah ~;

pendalaman perihal mendalami, tindakan (proses dll) mendalami.

dalam II 1. antara, di kalangan: *~ mereka yg bertiga belas itu ada yg bergirang-girang;* 2. di dalam (bukan di luar lingkungan dsb sesuatu): *~ Wilayah Persekutuan; ~ bidang mata pelajaran tersebut;* 3. sambil: *~ kita berharap keadaan akan bertambah baik kita mesti juga beringat-ingat;* 4. pd waktu (tertentu): *kita berharap keadaan akan bertambah baik ~ tahun hadapan; dia masih ~ pantang lagi;*

~ idah masa belum boleh berkahwin lain (bagi perempuan yg baru menjadi janda); *~ negeri* (dlm) lingkungan sesebuah negeri itu sahaja; *~ tangan* dlm kekuasaan (kemampuan, milik) seseorang, sudah tentu dapat atau akan diperoleh;

~ dua tengah tiga prb tidak jujur; *kilat di ~ kilau* prb tujuan (maksud) yg terkandung dlm percakapan atau tingkah laku.

dalam III sl istana, kawasan istana raja: *bahasa* ~ bahasa yg digunakan di kalangan raja atau golongan istana (spt beradu, santap, dll); *budak* ~ pesuruh raja;

kedalaman sl istana, rumah-rumah dlm kawasan istana; *bahasa* ~ bahasa kehormatan utk raja-raja.

dalang 1. tukang cerita (dlm wayang kulit), orang yg memainkan wayang kulit (dgn menggerak-gerakkan patung yg menjadi watak cerita sambil bercerita): *~ itu pun berwayanglah lakon Pendawa Jaya;* 2. ki orang yg memimpin (mengatur langkah dsb) sesuatu gerakan secara sulit atau dgn sembunyi-sembunyi: *siapakah ~nya di belakang gerakan ini?;* *~ politik* orang yg merancang, mengatur, memimpin dsb sesuatu kegiatan politik secara sulit atau

sembunyi: *terlalu banyak ~ politik yg bermain di sebalik tabir politik parti;*

mendalang memainkan wayang kulit: *pd perayaan hari kemerdekaan, negeri Kelantan telah mengirinkan beberapa orang utk ~;*

mendalangi memimpin (mengatur langkah dsb) sesuatu gerakan secara sulit atau dgn sembunyi-sembunyi: *orang yg ~ pemberontakan itu sedang dicari-cari;*

mendalangkan **1.** bermain (mempertunjukkan) wayang kulit; **2.** = **mendalangi**;

pendalangan perihal mendalang (cerita atau pengetahuan dalang).

dalca sj masakan cara India (gulai daging, udang, dsb bercampur kacang dal, terung, ubi kentang dll).

daldaru; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), Psychotaria sarmentosa.*

dalfin → **dolfin**.

dali-dali sj tumbuhan (pokok), bayam badak, *Strombosia javanica*.

dalih alasan (jawaban) yg diberikan utk menyembunyikan sesuatu atau melepaskan diri drpd sesuatu tugas (tanggungjawab dsb), helah, muslihat: *itu cuma satu ~nya sahaja; hendak seribu daya, tak hendak seribu ~* prb jika dikehendaki bermacam-macam ikhtiar boleh dijalankan dan demikian kebalikannya;

berdalih memberi alasan atau helah (utk menyembunyikan sesuatu atau melepaskan diri drpd sesuatu tugas, tanggungjawab, dsb): *jangan engkau hendak ~ pula Kasim; apabila disoal dia cuba ~;*

berdalih-dalihan tuduh-menuduh (kata-mengata) utk membenarkan atau melepaskan diri masing-masing (dgn menyalahkan yg lain);

mendalihkan mengemukakan (mengatakan) sesuatu sbg dalih, menggunakan helah: *ia ~ bahawa titah itu belum didengarnya lagi;*

pendalih orang yg suka berdalih.

dalik I → **dolak-dalik**.

dalik II; *licin ~*; → **licin I**.

dalil 1. keterangan (yg menjadi bukti sesuatu kebenaran, terutama yg berdasarkan ayat-ayat Quran), bukti, alasan (bagi sesuatu kebenaran): *kami tidak mempunyai ~ utk menunjukkan kebenaran kenyataan yg kedua itu*; **2.** tanda, alamat; ~ *al-hayat* tanda hidup (surat dll);

berdalil mempunyai dalil, beralasan, mentafsirkan (Quran);

berdalilkan berdasarkan atau menggunakan sesuatu sbg dalil: *beliau memberikan pendapat yg ~ hadis;*

mendalilkan menerangkan (mempertahankan pendapat) dgn dalil: *dia ~ setiap hujahnya;*

pendalilan perihal mendalilkan: ~ *yg sopan dan pencapaian yg intelektual akan menghala ke satu perjalanan yg cerah.*

daling; *suling-~ tunggang-langgang*; → **suling III**.

dalul I Jk = **kedaluan** terlalu masak (bkn buah-buahan), ranum.

dalul II = **dalul-dalul**, **dedalul** sj tumbuhan (pokok), *Henslowia umbellata*;

dalul-dalul, **dedalul 1.** sj tumbuhan (pokok), dalul; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Salix tetrasperma*; ~ *api laut* sj tumbuhan (pokok), kepala beruk, *Hydnophytum formicarium*; ~ *umping* sj tumbuhan (pokok menumpang), api-api, selarapi, seri sebulan, *Viscum orientale*.

daluang ark sl kain drpd kulit kayu; → **jeluang**.

dalung dulang besar yg berkaki (dibuat drpd logam): *sama santap di atas ~ perak, pinggan emas, mangkuk suasa.*

daluwarsa → **kedaluwarsa.**

dam I 1. = **damdam** sj permainan utk dua orang pemain, setiap pemain menggerakkan 12 buah dam mengikut peraturannya di atas papan yg berpetak-petak segi empat (spt papan catur); *buah* ~ kepingan-kepingan yg digunakan (digerakkan) ketika bermain dam; *papan* ~ papan yg digunakan dlm permainan dam (berpetak-petak segi empat); **2.** bercorak tapak catur.

dam II denda yg dikenakan kpd jemaah haji yg melanggar peraturan-peraturan tertentu sewaktu mengerjakan haji.

dam III bunyi spt bunyi gendang.

dam IV Pl ganja.

damah → **damas.**

damai 1. tidak berperang atau serang-menyerang (bkn perhubungan antara negara, puak dll), tidak bermusuhan atau berselisihan (bkn perhubungan antara manusia); *hidup (aman)* ~ hidup dlm keadaan yg bebas drpd permusuhan (perselisihan, pertikaian, dsb); *menyelesaikan sesuatu secara* ~ menyelesaikan sesuatu tanpa kekerasan (menerusi perundingan dsb); *keadaan* ~ keadaan tidak berlaku peperangan (permusuhan, pertelingkahan, dsb); *rundingan* ~ rundingan (biasanya melibatkan pihak-pihak yg bertelingkah) yg bertujuan mewujudkan keadaan damai; **2.** berbaik semula (tidak bermusuhan, tidak berseteru); *menyorong* ~ (minta) berbaik semula; **3.** tenteram, tenang (bkn suasana, keadaan, perasaan, dsb): *waktu telah larut malam baru terdapat suasana ~; malam begitu ~;*

berdamai 1. berbaik semula (tidak lagi bergaduh, berperang, bermusuhan, dsb), berhenti berperang (bermusuhan): *kedua-dua*

pihak yg bermusuhan itu telah pun ~; 2. bermuafakat, berunding: mengenai sewa rumah, kita boleh ~; harga ~ harga yg boleh dirundingkan;

mendamaikan, memperdamaikan **1.** memperbaiki dua pihak (negara dsb) dgn menamatkan atau menyelesaikan perselisihan dsb, mewujudkan (memulihkan) perhubungan berbaik-baik antara dua atau beberapa pihak (negara dsb) yg bermusuhan (berperang, bertelingkah, berselisihan, dsb): *Amerika Syarikat dan Britain berharap agar negeri Jepun berusaha ~ Indonesia dgn Malaysia;* **2.** membincangkan atau merundingkan utk mencapai persetujuan: *sebelum menduduki rumah, lebih baik kita damaikan dahulu tentang sewanya;*

kedamaian **1.** keadaan damai (keadaan tidak terdapat atau tidak berlaku pergaduhan, peperangan, persengketaan, dsb): *hidup dlm ~ dan kemakmuran;* **2.** keadaan yg aman dan tenteram, ketenteraman, ketenangan: *hari itu dia berdoa supaya getar perasaan yg mengocak ~ jiwanya akan hilang;*

perdamaian perihal (keadaan) berdamai: *rundingan yg akhirnya membawa ~ di kalangan puak-puak yg bersengketa dan sering bertempur itu;*

pendamaian perihal (usaha dsb) mendamaikan, penyelesaian keadaan bermusuhan (berperang, berselisih faham, dll): *kongres ~ sedunia itu berjalan dgn meriah;*

pendamai orang (negara, pihak) yg mendamaikan atau berusaha utk mendamaikan: *Kemboja dan negeri Thai pernah bertindak sbg ~ dlm sengketa Malaysia dgn Indonesia;* *jaksa ~ orang yg dilantik utk mengawasi kedamaian (keamanan) sesuatu kawasan.*

damak = *anak* ~ dawai atau buluh dll (yg tajam hujungnya dan bergabus pangkalnya) yg digunakan sbg peluru bagi sumpitan, anak sumpitan;

mendamak **1.** menyempit dgn berpelurukan damak; **2.** mulai berduri (bkn putik durian);

tak dapat didamak dipikat prb kalau tidak dapat dgn kekerasan, haruslah dgn lemah lembut.

damak-damak = **dedamak** = ~ *bulu* sj tumbuhan (pokok), cenderung rimba, *Grewia globulifera*; ~ *asam* = ~ *bulu* sj tumbuhan (pokok), cenderung asam (hutan, paya, rimba), *Grewia fibrocarpa*; ~ *air* sj tumbuhan (pokok), jelawi, medang selusuh, *Grewia florida*; ~ *bulu a*) = ~ *asam* sj tumbuhan (pokok), *Grewia fibrocarpa*; b) sj tumbuhan (pokok), cenderung gajah, *Grewia latifolia*.

damal lambat (bkn perahu).

daman tali kelat pd perahu.

damar I **1.** bahan berupa getah keras yg diperoleh drpd beberapa jenis pokok (biasanya digunakan sbg bahan kalis air); ~ *batu* damar yg keras; ~ *daging* damar yg merah; ~ *hitam* damar yg hitam; ~ *mata kucing* damar yg gilap (berkilat) warnanya; **2.** suluh dll (terutama yg memakai damar); **3.** lampu, pelita;

berdamar **1.** memakai damar; **2.** ki merah muka kerana marah (kena tampar dll): ~ *muka budak itu ditempeleng abangnya*; **3.** =

mendamar mencari (mengumpul) damar;

mendamari menerangi;

pedamaran **1.** tempat mencari (tempat yg banyak) damar; **2.** suluh drpd damar;

pendamar orang-orang yg kerjanya mencari (mengumpul) damar: ~ *telah kehilangan hutan utk mendamar*.

damar II Mn sj tumbuhan (pokok), buah keras, kemiri;

~ *degun* sj tumbuhan (pokok), *Canarium hirsutum*; ~ *kijai* sj tumbuhan (pokok), *Canarium secundum*; ~ *laut* sj tumbuhan (pokok), *Parashorea stellata*; ~ *minyak* sj tumbuhan (pokok) dlm famili *Araucariaceae*, kauri malaya, mengilau (Sabah), bindang (Sarawak), *Agathis borneensis*.

berdamar bermain buah keras.

damas Kl, Ph, Tr habis wang kerana boros.

damat bp terlalu bising; → **azamat, gamat I.**

damba I terlalu ingin (hendak, mahu) akan sesuatu: *pd masa ini wanita Malaysia ~ akan hak yg sama dgn kaum lelaki;*

mendambakan terlalu inginkan (hendakkan, mahukan) sesuatu: ~ *perdamaian yg abadi;*

perdambaan sesuatu yg diinginkan (dimahukan), keinginan, kemahuan.

damba II; ark **mendamba** merebahkan diri pd, memeluk.

damba III Mn tidak bercakap-cakap kerana runsing hati.

dambar Mn lamban (lambat membuat sesuatu), tidak tangkas.

dambin Mn **1.** bunyi (benda besar) jatuh, dambun, debu, degum, debak; **2.** terlalu gemuk (besar, berisi) menyebabkan serba-serbi lambat;

berdambin berdambun, berdebum, berdegum, berdebak: *guni beras itu jatuh ~.*

dambun Mn dambin, debu, degum;

berdambun berdambin, berdebum, berdegum.

damdam → **dam I.**

dami I sesuatu (barang, buku, dll) yg digunakan sbg contoh bagi barang dll yg sebenarnya: ~ *buku yg akan diterbitkan.*

dami II Jw jerami.

damik Mn; **mendamik** menepuk, menampar, mendabik; ~ *dada* menepuk (mendabik) dada.

dammah Ar tanda bacaan huruf Arab yg menandakan bunyi /u/, baris di hadapan.

dampak kesan yg ketara sama ada positif atau negatif, impak: *penonjolan bakat baru ini tidak akan bermakna sama sekali sekiranya kelahiran mereka tidak memberi ~ yg besar;*

mendampak melanggar, membentur.

dampar; mendampar mengalir ke pantai (bkn air laut), menghempas (bkn ombak), membanting, memukul (pantai): *ombak ~ ke pantai;*

mendamparkan menghempaskan (ke pantai, darat, dll), melemparkan, mencampakkan: *setelah berhari-hari terapung-apung di laut, perahu itu pun didamparkan ombak ke pantai;*

terdampar tercampak (terkandas) ke pantai setelah hanyut dibawa air, terhempas dan terkandas (bkn perahu dll): *sebuah perahu ~ di pantai itu.*

dampil; berdampil (duduk) rapat-rapat hingga bersentuhan: *duduk ~;*

mendampirkan meletakkan (mendudukkan) supaya rapat (bersentuhan), merapatkan (bersentuhan): *Minah ~ dirinya di sisi Osman, kekasihnya; sampannya didampirkannya pd sebuah perahu.*

damping I 1. dekat: *jauh di mata, ~ di hati;* **2.** rapat, karib, dekat (bkn hubungan persahabatan, persaudaraan, dsb): *persahabatannya itu semakin lama semakin rapat dan ~; kerabat yg ~;*

berdamping, berdampingan 1. berada dekat dgn atau di sisi (seseorang), berdekatan, berapat-rapat: *dia hanya ingin ~ dgn Busu;* **2.** bergandingan, bersama-sama (menghadapi atau mengusahakan sesuatu): *dia harus ~ serapat-rapatnya dgn saudaranya dlm usaha menyelesaikan masalah itu;*

mendampingi **1.** berada rapat dgn atau di sisi (seseorang), menemani, mengawani: *apabila keluar rumah gadis itu didampingi adiknya; di majlis itu dia sentiasa ~ gadis yg dicintainya itu*; **2.** datang atau pergi utk berada dekat dgn atau di sisi (seseorang), menghampiri hingga berada di sisi; **3.** berada di kalangan (rakyat dll), tidak menyisihkan (mengasingkan) diri drpd, bergaul dgn: *wakil rakyat perlu ~ rakyat*; **4.** mendekatkan atau menghampirkan diri dgn: *mereka tidak ~ al-Quran sbg kitab petunjuk*;

mendampinkan **1.** meletakkan (mendudukan dsb) berdekatan, merapatkan: *kedua-dua pengantin itu didampinkan di atas pelamin*; **2.** mengeratkan hubungan: *negeri di utara masih ~ diri dgn monarki Chow*;

kedampingan ark kerapatan, kekariban (perhubungan dsb), keamatan;

perdampingan perihal berdamping: *oleh sebab ~nya yg ikhlas ini, mandur besar sayang kepadanya*.

pendampingan perihal mendampingi atau mendampinkan: *kelainan ~ berlaku apabila pemilihan dan penggantian itu tidak normal*;

pendamping orang yg sering mendampingi seseorang (biasanya dapat memberikan nasihat, semangat, panduan dsb): *kedudukan wanita sbg ~ suami*; ~ *bahasa* orang yg turut serta dlm sesuatu perbincangan dsb utk memberikan nasihat, panduan dsb dr segi linguistik atau kebahasaan.

damping II Mn berpencak beramai-ramai membuat sebuah lingkungan disertai nyanyian.

damping III bp (amalan) menjual barang (biasanya dgn banyaknya) dgn harga yg jauh lebih murah di negeri orang drpd di negeri sendiri, lambakan.

dampit degil, keras kepala.

damprat; mendamprat Jk memaki hamun, mencaci maki;

dampratan caci maki, celaan (keras).

damuih Pl kotor.

dan I 1. kata yg menghubungkan dua perkataan (frasa atau ayat): *saya ~ dia; ada orang yg menyanyi ~ ada pula yg menari; ~ juga* serta; **2.** selanjutnya, seterusnya (biasanya pd permulaan ayat sbg meneruskan sesuatu yg telah diperkatakan terlebih dahulu); *~ lagi* tambahan lagi.

dan II bp sempat; *tak ~ tidak* sempat; *tak ~-mengedan* tidak sempat apa-apa; *tak ~ menggesek biola menari dahulu* prb berbuat sesuatu sebelum masanya;

dan-dan serta-merta, (dgn) tidak berlengah-lengah: *apabila gurunya memanggil, ~ dia datang.*

dana 1. kumpulan wang utk sesuatu tujuan atau kegunaan: *~ utk membantu mangsa bencana alam;* **2.** sl pemberian, sedekah, derma; **3.** sl dermawan, pemurah (hati);

~ amanah harta yg dikendalikan oleh pemegang amanah; *~ asing* dana amanah yg keseluruhan pelaburannya terdiri drpd syer syarikat asing; *~ bersama* dana yg dikendalikan oleh sesebuah syarikat pelaburan bagi pihak pemegang saham; *~ khas* dana yg ditubuhkan utk tujuan tertentu, mis pelaburan dan bantuan; *~ pencen* dana yg ditubuhkan oleh sesebuah organisasi kerajaan utk membayar pencen kpd pekerjanya; *~ tunai* simpanan atau pelaburan yg mudah ditukarkan kpd bentuk tunai; *~ tunai runcit*

dana yg kecil utk membuat pelbagai pembayaran tunai yg kecil (spt membeli surat khabar, tambang teksi, dll);

mendanai memberikan atau menyediakan dana utk atau kpd: *kerajaan pusat telah berhenti ~ projek yg melibatkan penggunaan tisu janin.*

danai; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok renek), senduduk kenyr (rimba), *Anplectrum glaucum*.

danasiswa Id (kumpulan) wang utk membantu pelajar (mahasiswa) yg tidak mampu, biasiswa.

danau I kawasan berair yg luas yg dikelilingi tanah (daratan), tasik: *D~Toba*; *ular* ~ a) ular sawa; b) pelangi.

danau II; **mendanau** berlaku sumbang (dgn perempuan tempat menumpang tinggal).

danawa sl gergasi, raksasa.

dandan I hiasan (spt pakaian, solekan, dll): *~nya sungguh menarik hati*;

berdandan 1. berhias (diri), bersolek: *petang itu dia kelihatan lebih ~*; **2.** berpintal rambut (perempuan): *gadis sekarang lebih gemar mengeritingkan rambut drpd ~*;

mendandan, mendandani 1. menghiasi (dgn mengenakan pakaian, solekan, dll): *dia selalu ~ pengantin di majlis perkahwinan*; **2.** memperlengkapi: *mereka pun ~ kapal utk belayar*; **3.** membaiki, membersihkan (menjaga atau menguruskan supaya elok): *batang-batang kacang yg menjalar itu kelihatan spt semak-semak yg sudah didandani; jalan-jalan raya yg sudah lama tidak didandani*; **4.** menjalin (memintal) rambut;

dandan hiasan, pakaian perlengkapan;

pendandan orang yg pekerjaannya (profesionnya) mendandan (menghiasi) orang: *~nya seorang lelaki.*

dandan II tambahan pd geladak perahu (supaya lebih luas);

mendandani memasang dandan pd geladak perahu: *patik dandani kapal ini bukan tempat penggawa menghadap, tetapi tempat berperang.*

dandan III 1. = tali ~ sj tali yg besar; **2.** kabel.

dandang I 1. sj periuk besar yg biasanya dibuat drpd tembaga utk mengukus nasi; **2.** sj tangki tempat air dll dipanaskan utk mengeluarkan wap dlm enjin, utk membekalkan air panas.

dandang II sj perahu yg dibuat drpd batang kayu; *jika tak lalu ~ di air, di gurun dirangkakkan (ditanjakkan)* prb menggunakan segala daya usaha utk mencapai maksud.

dandang III sj burung, gagak; → **dendang I.**

dandelion (dandélion) sj tumbuhan kecil dan liar drpd genus *Taraxacum* yg bunganya besar berwarna kuning terang dan tepi daunnya bertakik-takik.

dandi I 1. sl sj gendang kecil, tambur; **2.** sj alat bunyi-bunyian, kecapi: *memetik ~.*

dandi II belang kecil, cecak; *harimau ~* harimau yg berbelang-belang.

dang I sl gelaran kpd wanita yg tinggi kedudukannya (dlm istana dll); *D~ Merduwati* (nama) ibu Hang Tuah.

dang II ark kukus (nasi dll);

didang dikukus.

dangai sj kuih (dibuat drpd tepung pulut, kelapa, dan gula, dan dibakar).

dangau pondok kecil di sawah atau ladang (tempat menjaga tanam-tanaman dll): *dia selalu menunggu durian di ~;*

perdangauan kawasan letaknya dangau: *tapak ~ itu mesti diselamatkan.*

dangdut 1. irama lagu pop Melayu (yg melebihkan bunyi gendang); **2.** orkes atau kumpulan muzik Melayu;

berdangdut berjoget (menari) mengikut rentak dangdut: *di kota itu, kamu boleh berdisko atau ~, semuanya ada.*

dangir Jk; **mendangir** menggemburi tanah (supaya boleh ditanami).

dangka I; berdangka ark menyangka, menganggap.

dangka II; terdangka-dangka sl mendekati (pantai, darat, dll), merapati.

dangkal I 1. tidak dalam (bkn perigi, sungai, dll), cetek, tohor: *sungai yg ~*; 2. tidak faham benar, tidak mempunyai pengetahuan yg mendalam (tentang sesuatu), tidak luas atau tidak dalam (bkn pengetahuan seseorang), cetek: *saya tidak berani mengatakan yg dia ~ dlm hal tersebut; pemikiran yg ~; pengetahuan yg ~ tentang politik;*

mendangkalkan 1. menjadikan dangkal (tidak dalam), mencetekkan; 2. memandang (menganggap) dangkal;

kedangkalan perihal dangkal: *memang ternyata ~ pemikiran itu.*

dangkal II Jk 1. keras mengkal (dan busuk di dlm, bkn buah-buahan); 2. tidak subur (bkn tanah), kering (tidak berair), usang; 3. ki keras hati, kurang sopan; 4. ki alang kepalang, terbengkalai (bkn pekerjaan dll);

dangkalan; sial ~ sial sekali, sangat sial.

dangkung sj penyakit kusta.

dangla; ~ *hantu* sj tumbuhan (pokok), kelembai, kemantu (kepayang) hitam, *Crataeva macrocarpa*.

danguk; berdanguk, mendanguk, terdanguk (duduk) dgn bertopang dagu dan kepala mendongak sedikit.

dansa tarian cara Barat; *dewan* ~ dewan tari-menari (cara Barat); *~-dansi* berbagai-bagai jenis tarian cara Barat;

berdansa menari cara Barat; *~-dansi* menari-nari cara Barat, menari berbagai-bagai jenis tarian Barat.

dansanak Mn sanak saudara, keluarga; ~ *kandung* saudara kandung; ~ *ibu (bapa)* saudara sepupu;

berdansanak bersanak saudara, bersaudara pupu; ~ *anjing* adik-beradik seibu tetapi lain bapa; *awak nan tidak* ~ sebatang kara.

dansing bp sj tarian Barat (spt *waltz, foxtrot*, dsb);

berdansing menari tarian Barat (spt *waltz, foxtrot*, dsb).

danta sl gading, gigi, putih spt gading; ~ *yg terupam* gading yg dikilatkan.

danu I ark danau, kolam, tasik.

danu II; *ular* ~ pelangi.

danuh ark pemanah (nama gugusan bintang yg kesembilan dlm bintang dua belas).

danur I air yg keluar drpd bangkai (mayat) yg telah busuk.

danur II; **berdanur** bp sangat kotor kerana penuh atau berpalit dgn daki dsb (bkn tubuh, pakaian, dll).

dap sj gendang atau tambur yg mempunyai pemukul.

dapa sl hamba yg dikirimkan sbg hadiah kpd bakal mentua.

dapat 1. boleh (melakukan sesuatu), berupaya, mampu: *dia sedang mencari orang yg ~ menyelesaikan kerja itu dgn sempurna; ubat yg ~ menghilangkan rasa gatal-gatal pd kulit*; **2.** bp beroleh, menerima (wang, hadiah, keuntungan, surat, dll), menanggung, ditimpa (sesuatu yg tidak baik spt malu dll); **3.** bertemu, bersua, menemui: *cari dia sampai ~; tidak juga dia ~ barang yg hilang itu; anak ~ anak yg diambil (dipungut) di jalan*; **4.** berjaya, berhasil, tercapai (sesuatu yg dikehendaki): *dgn kemenangan ini dia ~ memasuki pertandingan akhir*; **5.** faham (sesuatu yg diajarkan, dipelajari, dsb): *Nadiah rajin mengaji, lekas ~, dan pandai pula mengambil hati; ~ angin mendengar risik-risik (desas-desus)*;

~ *durian runtuh* = ~ *harta karun* = ~ *harta timbul* prb mendapat keuntungan dgn tidak bersusah payah atau dgn tidak disangka-sangka; *lepas putih hitam tak* ~ prb apa yg diharapkan tidak dapat, sedangkan yg ada pula hilang; ~ *terpijak* memperoleh sesuatu dgn mudah atau dgn tidak perlu berusaha;

sedapat sesudah dapat (menerima): ~ *sahaja telegram itu dia pun segera pulang*; ~ *mungkin* seboleh-bolehnya, seboleh mungkin, seberapa dapat (boleh);

sedapat-dapatnya seberapa dapat, sedapat mungkin, seboleh-bolehnya: ~ *rumah itu diatur dgn sebaik-baiknya*; *semua pihak telah berusaha ~ utk mengelakkan berlakunya pertumpahan darah*;

berdapat 1. Mn padan, patut, sesuai; **2.** = **berdapatan** bersua (dgn), berjumpa (dgn): *kami ~ dgn dia di bandar*;

mendapat 1. beroleh, memperoleh: ~ *keuntungan yg besar*; ~ *faedah drpd membaca buku-buku ilmu pengetahuan*; **2.** memperoleh, menerima, diberi: *mereka masing-masing ~ hadiah*; *pekerja-pekerja itu ~ berbagai-bagai elaun selain gaji pokok*; **3.** menikmati (kemewahan, kesenangan, kebahagiaan, dll), mengalami (kesusahan, kecelakaan, dll), memperoleh: ~ *rahmat drpd Allah*; ~ *kesenangan hidup*; ~ *penyakit*; ~ *nama buruk*; **4.** menerima (surat, berita, dll): *dia kelihatan bermenung setelah ~ telegram drpd ayahnya*; **5.** menemui, menjumpai, memperoleh: ~ *barang yg dicari*; ~ *penyelesaian yg sebaik-baiknya*;

~ *hati* ki menerima atau memperoleh cinta (drpd seseorang); ~ *khobar* menerima (mendengar) khobar; ~ *malu* menanggung malu, diaibkan (oleh sesuatu kejadian dsb); ~ *tempat* diberikan perhatian (layanan, pengiktirafan, dsb), diterima (sbg berhak dsb); ~ *sama berlabu, kehilangan sama merugi* prb hidup yg seia sekata;

memperdapat, perdapat mendapat dgn usaha, memperoleh: *kalau perempuan itu diperdapat dgn mudah, saya takut kalau-kalau dilepaskannya dgn mudah pula;*

mendapati, dapati 1. memperoleh: *elaun itu menjadi tambahan kpd gaji yg mereka dapati; pejabat-pejabat yg menerima hasil, harus menaksir berapa banyak hasil yg boleh mereka dapati pd tahun hadapan;* **2.** menemui, menjumpai, melihat (secara kebetulan): *apabila saya sampai di rumah itu saya ~ dua orang pemuda sedang memanjat pintu pagarnya; dia ~ ibunya sedang berbual-bual di luar;* **3.** mengetahui (hasil drpd penyiasatan, penyelidikan, pengkajian dsb), membuat kesimpulan (berdasarkan kajian, penelitian, dsb): *dia didapati menghidap penyakit malaria; mahkamah ~ yg dituduh bersalah;*

mendapatkan 1. pergi bertemu atau berjumpa dgn, pergi atau datang kpd (seseorang): *Wan Intan berlari ~ suaminya;* **2.** mendapat, memperoleh (menerusi usaha): *kepentingan Pulau Pinang baru diinsafi manakala tidak berhasil percubaan Inggeris hendak ~ satu pangkalan lain;* **3.** sl mengunjungi, menziarahi: *maka Sultan Malikul-Mansor pun singgah di darat ~ kubur Sidi Ali Hisamud-Din;* **4.** mengunjungi (sbg permulaan dlm surat), menjelang, menemui: *~ kekanda yg diingati;*

terdapat ada (kelihatan), didapati, diketemui, diperoleh: *sesudah diperiksa kebunnya ternyata masih ~ rumput-rumput tumbuh di beberapa tempat;*

dapatan 1. ark sesuatu yg didapati (diperoleh), perolehan; *~ tinggal harta yg didapati semasa kahwin dan menjadi hak isteri apabila bercerai;* **2.** sesuatu yg didapati atau diketemui (hasil drpd kajian, penyelidikan, dsb), penemuan: *menyediakan laporan tentang beberapa ~ drpd kajian yg telah dijalankan;*

kedapatan didapati, dijumpai, diketahui: *manakala ia balik, ~ rumahnya sunyi; apabila kerjanya itu hendak dipangku oleh orang lain, ~ kira-kira wangnya terkurang sebanyak dua puluh ringgit; muka berpandangan, budi ~, kasih bagai lama juga prb anggapan (perasaan) yg tidak berubah kpd seseorang walaupun ia berlaku serong;*

pendapatan 1. jumlah wang yg diperoleh dlm jangka waktu tertentu (sbg hasil drpd mata pencarian, kerja yg dilakukan, dsb), hasil yg terdiri drpd gaji dll yg diperoleh: *~nya tidak sampai lima ratus ringgit sebulan; ~ kasar pendapatan sebelum ditolak potongan-potongan drpd gaji dsb (kerana bayaran tertentu); 2.* (hasil) penemuan buat pertama kalinya (tidak ada atau diketahui sebelumnya), dapatan: *~ Baird dlm lapangan televisyen memberi banyak faedah kpd semua orang;*

berpendapatan mempunyai atau beroleh pendapatan: *golongan yg ~ rendah;*

pendapat 1. kesimpulan yg dibuat atau diperoleh drpd berfikir (dan membayangkan sikap atau pendirian seseorang tentang sesuatu), pandangan, fikiran: *~ Hussain dlm hal tersebut bertentangan dgn pendirian ayahnya; ~ umum pendapat orang ramai; 2.* orang yg mula-mula memikirkan (mendapatkan, menciptakan) sesuatu yg baru (belum ada, belum diketahui sesiapa), penemu: *~ utama dlm hal televisyen ialah Mr. Baird dr Scotland;*

berpendapat mempunyai pendapat (pandangan);

bersependapat sama-sama berpendapat.

daperas → dapra.

dapra sesuatu yg menyerupai bantal yg dipasang di lambung (di rusuk) kapal dsb supaya tidak bersentuhan dgn pangkalan dsb: *sebuah ~*

digunakan di bahagian hadapan kalau kapal hendak merapat atau hendak bertolak.

dapur 1. bahagian rumah tempat memasak; **2.** alat utk memasak (nasi, gulai, dll), tempat membakar (roti, kapur, dll); *belanja* ~ perbelanjaan utk keperluan makanan sehari-hari; *orang* ~ bp isteri atau orang perempuan yg menguruskan penyediaan makanan sehari-hari; *orang se~* seisi rumah(kaum keluarga); ~ *arang* dapur yg menggunakan arang sbg bahan pembakar; ~ *basah* dapur tempat melakukan kerja masak-memasak yg biasanya banyak menggunakan air; ~ *elektrik* = ~ *karan* dapur yg menggunakan kuasa elektrik; ~ *gas* dapur yg menggunakan gas sbg bahan bakar; ~ *kayu* dapur yg menggunakan kayu sbg bahan pembakar; ~ *kering* dapur yg hanya digunakan utk menyediakan makanan ringan atau menghidangkan makanan (biasanya berkeadaan kering); ~ *minyak tanah* dapur yg menggunakan minyak tanah sbg bahan pembakar; ~ *umum* dapur tempat menyediakan makanan utk orang ramai (dlm keadaan darurat dsb).

dapur-dapur 1. bahagian yg di luar drpd sesuatu benda; ~ *bedil* sl tempat menaruh ubat bedil pd senapang kuno; **2.** bahagian badan (yg tertentu); ~ *bahu* bahagian di bawah bahu; ~ *susu* bahagian di bawah susu (buah dada).

dar I Ar (dlm kata majmuk) tempat kediaman, daerah, negeri (negara), alam; ~ *al-baqa* tempat yg baqa (iaitu akhirat); ~ *al-fana* tempat yg tidak kekal (iaitu dunia); ~ *al-harab* negara yg belum memeluk agama Islam; ~ *al-Islam* negara yg sudah memeluk agama Islam; ~ *al-jalal* syurga yg terindah; ~ *al-salam* a) alam yg aman; b) syurga ketujuh.

dar II; ~-*dor* = ~-*dur* Jk berdetasan, berdentuman.

dara I 1. tidak pernah (masih belum) melakukan persetubuhan dgn lelaki, gadis, perawan; *anak ~ a)* perempuan yg sudah baligh tetapi belum berkahwin, gadis, perawan; *b)* Mn pengantin perempuan; *anak ~ sedang* gadis yg sudah hampir mencapai umur boleh berkahwin; *anak ~ sunti* gadis yg baru baligh (antara 9 - 13 tahun) tetapi terlalu muda utk berkahwin; *anak ~ sunting* gadis yg sudah layak bersuami; *(sudah) hilang ~nya = sudah tidak ada ~ lagi* sudah disetubuhi lelaki, tidak gadis (perawan) lagi; **2.** sudah tiba (cukup) waktunya utk bertelur (beranak, berbuah, dsb): *ayam ~; nyiur ~;*

bagai anak ~ mabuk andam prb lemah dan lesu tetapi tidak berpenyakit; *bagai anak ~ sudah berlaki* prb gadis tidak pemalu, pemalas lagi pengotor;

kedaraan keadaan masih dara atau gadis, kegadisan, keperawanan;

perdaraan 1. sl gadis-gadis dlm istana; **2.** perihal masih gadis, kedaraan.

dara II; *burung ~* burung merpati.

darab 1. pukulan: *maka drpd ~ palu Johan Alam itu, maka ranap cetai penghulu pendekar itu;* **2.** perkalian, kali-kali; *sifir ~* sifir kali-kali (mis 2×1 , 2×2 , 2×3 , dan seterusnya);

mendarab, mendarabkan mengalikan, memperkalikan: *bagaimanakah memperoleh jawabannya apabila ~ sesuatu nombor dgn 10?*

pendaraban proses mendarab atau mendarabkan sesuatu;

pendarab angka yg didarabkan dgn angka lain, angka perkalian, pengali (dlm kira-kira).

darah I 1. cecair berwarna merah yg mengalir dlm tubuh manusia atau binatang: *orang yg cedera parah itu banyak mengeluarkan ~;* **2.** ki

keluarga, sanak saudara, keturunan; *pertalian* ~ hubungan kekeluargaan atau keturunan; **3.** ki sifat (kebolehan) semula jadi, bakat: ~ *seni memang sudah lama mengalir di dlm jiwanya*; **4.** ki semangat, jiwa: ~ *perwira memang terdapat di kalangan orang Melayu*; (sudah) *menjadi* ~ *daging* a) (sudah) *mendarah daging* (sudah) sehati dgn atau meresap di dlm jiwa: *ajaran sosialis sudah menjadi* ~ *dagingnya*; b) = (sudah) *menjadi* kaum kerabat sendiri atau saudara sendiri;

~ *gemuruh* mudah gugup, lekas hilang ketenangan; ~ *hidup* darah yg masih cair (belum beku); ~ *ikan* warna merah tua; ~ *lintah* pekat, kental, likat (bkn air kopi dll); ~ *manis* mudah mendapat bahaya atau kecederaan (bkn orang yg bertunang dll); ~ *mati* darah yg sudah beku; ~ *muda* semangat atau perasaan orang muda; ~ *panas* pemarah, lekas marah; ~ *putih* keturunan orang bangsawan; ~ *raja* keturunan raja-raja; ~ *tinggi* sj penyakit yg menyebabkan tekanan darah menjadi tinggi;

~ *baru setampuk pinang* prb masih terlalu muda; *bersukat* ~ *lah baru kuberi* prb biar mati drpd menyerah kalah; *bersukat* ~ *bertimbang daging* prb melawan sampai mati; *menakik* ~ *di batu (dialu)* prb kerja yg sia-sia (bekerja teruk, hasilnya sedikit); *minta* ~ *pd dabung (daing)* prb minta bantuan drpd orang yg tidak berupaya membantu;

sedarah **1.** satu keturunan, sama asalnya: *bukankah Brunei negeri Melayu, orangnya* ~ *dgn kita*; **2.** ki sejenis, sebangsa, serupa: *kalimat itu senafas dan* ~ *dgn kalimat-kalimat yg lain*;

berdarah **1.** bkn sesuatu peristiwa (kemalangan, pertempuran, dll) yg mengakibatkan kecederaan atau kematian: *kejadian* ~ *13 Mei 1969*; **2.** mempunyai darah, lazimnya merujuk pd pengelasan haiwan, sama ada berdarah panas atau berdarah sejuk: *binatang*

mamalia ~ panas; 3. mengeluarkan (mengalirkan) darah: luka tangan tampak ~, luka di hati siapakah tahu; 4. ada (terdapat) darah yg melekat atau menyerap (pd kain, pisau, dll): kain pembalut itu penuh ~; 5. berketurunan, drpd keturunan: ~ bangsawan; ~ raja; 6. bersifat, bersemangat, berjiwa: orang Melayu memang ~ perwira; 7. berkebolehan semula jadi, berbakat: ~ seni;

~ bali Mn penakut; ~ dingin Id berdarah sejuk; ~ hangat Id berdarah panas; ~ hati sakit hati; ~ panas a) mempunyai darah yg panas dan agak tetap suhunya tanpa dipengaruhi oleh suhu keadaan sekitar (bkn mamalia); b) pemarah; ~ putih berketurunan bangsawan (orang baik-baik); ~ sejuk mempunyai darah yg berubah suhunya mengikut suhu keadaan sekitar;

mendarah spt darah; *~ daging (menjadi) sehati, meresap ke jiwa: kerja demikian sudah ~ daging dengannya; ~ lintah (menjadi) pekat atau kental;*

mendarahi melumuri (menyapu dgn) darah;

perdarahan keadaan keluar darah atau berdarah akibat cedera atau penyakit: *terdapat sebilangan mereka yg hamil anak sulung yg mengalami ~ sehingga tiba proses kelahiran;*

pendarahan Id pengeluaran (pengaliran keluar) darah, turun darah: *gangguan yg agak berbahaya ialah terjadinya ~ pd perempuan; jika ~ berlaku semasa mengandung, ini semestinya merupakan suatu keadaan yg luar biasa; ~ dalam (luar) Id pengeluaran darah di dlm (di luar) tubuh;*

pendarah sakti (sudah banyak dipakai utk melukai orang): *keris ~; ketujuh-tujuh bilah keris itu baik-baik belaka serta dgn bisanya dan ~nya dan tajamnya.*

darah II; ~ *belut* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kuku lang, tampu rengat, *Mezoneuron sumatranum*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kenanga, akar sugi-sugi, *Desmos chinensis*; *kayu* ~ *belut* sj tumbuhan (pokok), tampal besi, *Phyllanthus reticulatus*; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpun), rumput lilit kain, *Centotheca lappacea*.

darah daging 1. anak kandung; **2.** kaum kerabat sendiri;

mendarah daging menjadi sehati: *dia masih ingat pepatah yg telah ~ dgn bahasa Melayu.*

darai Kd pondan, ponen, banci, kedi, papak.

daraji → **derji.**

daras; mendaras 1. mengaji Quran; **2.** mempelajari (menyelidiki) dgn tekun;

pendarasan perihal mengaji (mempelajari, menyelidiki, dll); →

deras II.

darat I 1. tanah (sbg lwn laut atau air), tanah (sbg lwn udara); *angkatan* ~ = *tentera* ~ tentera yg bergerak (bertempur dsb) di darat; **2.** kawasan tanah yg tertinggi (lwn baruh): *jalan yg di sebelah ~ sana lebih baik drpd jalan ini*; **3.** kawasan tanah pedalaman, hulu negeri (lwn pantai): *anak isterinya sudah ditumpangkan di rumah orang Kedayan di ~ supaya bekerja bertanam padi*; ~-*darau* kawasan-kawasan yg tertinggi atau yg terletak di pedalaman; *di laut angkatan, di ~ kerapatan* prb kekuatan di laut bergantung pd angkatan perang, kekuatan di darat bergantung pd persatuan;

mendarat 1. turun dr kapal (perahu dsb) dan naik ke darat: *tentera Jepun sudah ~ di Jawa*; **2.** turun ke tanah dr udara (bkn kapal terbang): *kapal terbang itu tidak dapat ~ kerana kabus yg tebal*; **3.** pergi ke kawasan (daerah) pedalaman: *setibanya di kuala sungai,*

mereka pun terus ~; 4. Mn pergi melalui (jalan) darat: lebih selamat kita ~ sahaja drpd belayar;

mendarati naik ke darat (di sesuatu tempat): *Bujang berjalan perlahan-lahan meredah di dlm semak-semak menuju ke kawasan yg biasa didaratinya; Tanah Melayu sudah didarati Jepun;*

mendaratkan menaikkan atau menurunkan ke darat, membawa ke darat: *Amerika akan ~ pasukan Eisenhower di Afrika Barat; juruterbang itu berjaya juga ~ kapal terbangnya walaupun cuaca amat buruk;*

daratan kawasan tanah yg luas (lwn laut dan pulau): *mereka sekarang tercampak ke sebuah pulau yg kecil terpencil jauh dr ~;*

pendaratan 1. perihal mendarat atau mendaratkan: *kita tidak akan sanggup menahan ~ musuh di pantai-pantai kepulauan kita yg begitu banyak; 2.* tempat mendarat atau mendaratkan: *orang itu terpacak di tepi pantai, tidak jauh dr ~ perahunya;*

pendarat alat (peralatan, perkakas) utk mendarat atau mendaratkan: *kapal ~.*

darat II Kl bodoh, dungu.

dari 1. sendi kata yg menerangkan atau menyatakan tempat mula bergerak (bertolak, muncul, jatuh, dll): *saya berlepas ~ Ipoh pagi tadi; ~ mana hendak ke mana?; dia terjun ~ tingkat lima bangunan itu; berbilang ~ esa; 2.* sendi kata yg menerangkan atau menyatakan permulaan sesuatu jangka waktu: *~ sekarang kita tidak boleh main-main lagi; ~ kecil lagi; ~ sehari ke sehari; ~ dahulu hingga sekarang; 3.* sendi kata yg menyatakan (menunjukkan) titik permulaan sesuatu jarak yg diukur: *kampung itu terletak kira-kira dua puluh kilometer ~ bandar; 4.* sendi kata yg menerangkan (menyatakan) titik atau pusat tumpuan permulaan

sesuatu kegiatan (pergerakan dll): *pasukan itu melancarkan serangan ~ kawasan pergunungan; usaha membina pengetahuan tentang bahasa perlu dimulakan ~ peringkat sekolah rendah lagi;*

5. sendi nama yg menyatakan (menunjukkan) tempat asal seseorang (sesuatu barang dll): *dia berasal ~ Medan; surat ~ London; dia mengangkat air ~ perigi ke dapur;*

sedari sejak dari, bermula dari: *hidupnya miskin dan melarat ~ kecil lagi.*

dari-dari labi-labi, kedari.

darihal berkenaan dgn, tentang, mengenai: *tuliskan sebuah karangan ~ kucing; sebuah rencana ~ kemalangan di jalan raya.*

daripada **1.** sendi kata yg menyatakan atau menunjukkan orang yg memberi (mengirim dsb): *dia menerima sepucuk surat ~ ayahnya; hadiah ~ seorang sahabat yg karib;* **2.** sendi kata yg menyatakan (menunjukkan) sumber atau punca sesuatu itu diperoleh dsb: *petikan ~ karya Usman Awang; air ~ telaga itu berkuman; diterjemahkan ~ bahasa Arab;* **3.** sendi nama yg menyatakan (menunjukkan) bahan dsb yg digunakan utk menghasilkan sesuatu: *jambangan bunga itu diperbuat ~ tembikar; barang-barang ~ getah;* **4.** sendi kata yg menyatakan atau menunjukkan orang (negara, unsur, barang, dll) yg terlibat dlm sesuatu pengasingan (pemisahan, perbezaan, perbandingan, dll): *Selat Melaka memisahkan Semenanjung Malaysia ~ Sumatera; reka bentuk yg dikemukakan terkemudian ini lebih menarik ~ yg disediakan dahulu;* **5.** sendi kata yg digunakan sewaktu menyatakan sesuatu perubahan (perkembangan dsb): *harga daging telah naik ~ RM8.00 sekilo menjadi RM9.50 sekilo; bilangan pelajar yg lulus merosot ~ 68% tahun lalu menjadi 66% tahun ini;* **6.** sendi kata yg digunakan sebelum menyatakan atau

menyebutkan unsur (akibat dll) yg hendak dielakkan (dicegah, dihindar, dsb): *mempertahankan diri ~ serangan musuh; menjauhkan diri ~ bahaya; langkah-langkah utk mengelakkan hal-hal demikian ~ berlaku lagi*; **7.** sendi kata yg menyatakan (menunjukkan) punca atau asas dsb sesuatu tindakan (kesimpulan dll): *~ apa yg saya dengar, pemandu lori itu yg patut dipersalahkan; masjid itu dibina ~ desakan penduduk di kawasan itu*; **8.** sendi kata yg memperkaitkan atau memperhubungkan sesuatu atau sesuatu bahagian dgn sesuatu keseluruhan atau jumlah dsb: *satu ~ sebab-sebab; hanya tiga orang ~ sejumlah 40 orang pelajar telah gagal dlm peperiksaan itu; sepertiga ~ keuntungan yg diperoleh dijadikan modal.*

darjah 1. tingkatan atau peringkat pelajaran di sekolah rendah: *adik saya bersekolah baru dlm ~ tiga*; **2.** paras (utk menunjukkan tinggi rendahnya sesuatu keadaan, pencapaian dll), peringkat, tingkatan, taraf: *pembangunan ekonomi utk meninggikan ~ kehidupan rakyat; ~ mutu yg dicapai*; **3.** satuan atau unit ukuran (sudut, suhu) yg dilambangkan dgn tanda ° selepas angka: *satu sudut tepat mempunyai 90 ~ (90°); air membeku pd suhu 0 ~ Centigrade (0°C) atau 32 ~ Fahrenheit (32°F)*; **4.** ark darjat (taraf kedudukan dlm masyarakat);

berdarjah 1. berkelulusan (darjah tertentu), sudah mencapai peringkat pelajaran (di sesuatu darjah tertentu): *jawatan tersebut memerlukan orang yg ~ sembilan*; **2.** ark = **berdarjah-darjah** berdarjat(-darjat), bertaraf(-taraf), bertingkat(-tingkat): *orang-orang Melayu masih ~ kedudukan mereka dlm masyarakat.*

darjat 1. tingkatan atau taraf kedudukan dlm masyarakat (sebagaimana yg biasanya ditentukan atau dipengaruhi oleh asal keturunan, kekayaan dll), tingkatan kedudukan (dlm pengertian yg luas),

martabat: *ayahnya masih tetap mempertahankan ~ keturunannya*;
2. ark taraf (besar kecilnya dll), darjah, tingkatan: *denda yg dikenakan adalah mengikut ~ atau takrif kesalahan yg dilakukan*;
3. Id darjah: *sekolah yg sama ~nya dgn S.M.A*; 4. Id unit ukuran (sudut, suhu): *sudut 45 ~; 15 ~ C*; 5. Id gelaran kpd pelajar yg lulus dlm peperiksaan peringkat universiti;

sedarjat sama parasnya atau tingkatannya dsb (bkn pangkat, kedudukan, keturunan, dll) sama darjatnya, setaraf;

berdarjat 1. berkedudukan atau bertaraf tinggi (dlm masyarakat), berpangkat: *katanya ia cinta padaku, tetapi apabila datang orang yg ~, aku diterajangnya*; 2. = **berdarjat-darjat** mempunyai (beberapa) darjat atau lapisan, bertaraf(-taraf), bertingkat(-tingkat): *masyarakat yg masih ~-darjat*;

mendarjatkan 1. menjadikan berdarjat (bertaraf, berkedudukan); 2. memperbaiki (menaikkan) mutu atau keadaan; ~ *baka* memperbaiki mutu baka;

menyedarjatkan menjadikan sama darjatnya, menyamakan darjatnya (tingkatannya, kedudukannya), menyetarafkan;

pendarjatan perbuatan mewujudkan darjat (dlm sesebuah institusi dll): *sistem ~ politik*.

darji → **derji**.

darma kemestian, kewajiban.

darmabakti Id (berbuat) bakti kpd negara dll.

darmawisata Id = **berdarmawisata** 1. melawat sambil belajar beramai-ramai; 2. berkelah, bertemasya.

daru = **daru-daru**, **dedaru** sj tumbuhan (pokok), kayu darat, *Urandra corniculata*.

darulakhirat Ar alam akhirat.

Darul Aman Kedah.

Darul-Arqam rumah sahabat Nabi Muhammad SAW tempat mengadakan mesyuarat dan digunakan sbg markas menyebarkan ajaran Islam secara bersembunyi-sembunyi.

darulbaqa Ar alam yg kekal, akhirat.

Darul Ehsan Selangor.

darulfana Ar alam yg tidak kekal (dunia ini).

darulharab, darulharbi Ar negeri yg belum (memeluk agama) Islam.

Darul Iman Terengganu.

darulislam Ar negeri yg sudah (memeluk agama) Islam.

daruljalal Ar syurga yg terindah.

Darul Khusus Negeri Sembilan.

Darul Makmur Pahang.

Darul Naim Kelantan.

Darul Ridzuan Perak.

darun Mn bunyi serentak yg kuat;

sedarun serentak (berbunyi, bersuara, dll).

darurat 1. keadaan yg mencemaskan atau menyusahkan (biasanya yg berlaku dgn tiba-tiba atau dgn tidak disangka-sangka), kesukaran yg timbul dgn tidak disangka-sangka (spt bahaya, kekurangan makanan, dll): *dlm keadaan ~ begini barulah orang ramai ingat akan Tuhan*; **2.** keadaan yg serba sulit (huru-hara, tidak aman, dsb) yg disebabkan oleh ancaman musuh (peperangan dll): *ketika ~ di Malaya diisytiharkan, ayah saya bertugas sbg anggota polis di sebuah bandar yg terpencil*; *undang-undang ~ undang-undang yg digubal dan dikuatkuasakan dlm masa darurat*;

mendaruratkan 1. menjadikan darurat; **2.** memaksa.

darussalam Ar **1.** alam yg aman; **2.** syurga ketujuh.

darwis Ar orang yg sengaja hidup miskin utk mendapatkan kesempurnaan jiwa, fakir.

das I **1.** bunyi tembakan senapang (meriam dsb); **2.** penjudoh bilangan utk tembakan meriam (senapang dsb): *ketibaan baginda Sultan disambut dgn tembakan meriam 21 ~.*

das II Kd menghalang (menahan) kaki orang supaya jatuh.

dasa sepuluh, puluh.

dasalumba Id pertandingan (sukan) yg terdiri drpd sepuluh acara atau jenis sukan, dekatlon.

dasar **1.** bahagian yg di bawah sekali (laut, sungai, tasik, dsb): *mutiara didapati di ~ laut;* **2.** bahagian yg di bawah sekali sama ada di sebelah dalam atau di sebelah luar sesuatu bekas (spt kualiti, botol, dll): *serbuk kopi itu mendap ke ~ gelas; ~ kualiti yg hitam spt arang;* **3.** lantai: *rumah itu atapnya zink, dindingnya papan, dan ~nya simen;* **4.** lapisan yg di bawah sekali (pd gambar, kain, dll), latar: *~ kain batik pd umumnya berwarna perang; corak yg terdiri drpd kuntum-kuntum bunga pd ~ yg berwarna gelap;* **5.** sifat, perangai (yg sudah sehati dgn seseorang): *dia pantang ditegur memang begitu ~nya;* **6.** pertimbangan (cara, sistem, dll) yg pokok bkn sesuatu, asas, prinsip, teras: *Vietnam Selatan mengirih beberapa orang pegawai tentera ke Malaysia utk mempelajari ~-- perang gerila; apakah ~nya pendapat tuan itu?* **7.** pendirian yg menjadi asas segala tindakan (sikap, keputusan, dll), polisi: *~ kerajaan; ~ sesebuah parti politik; ~ ekonomi negara;* **8.** yg menjadi bahagian (faktor) terpenting, asas, pokok: *setelah dicapai persetujuan tentang soal-soal ~, baru dibincangkan butir-butirnya;* **9.** Id memang, sebenarnya: *sudah ~ pencuri;* **10.** kertas dsb yg dipotong mengikut bentuk baju dan dijadikan asas utk menggunting pakaian;

berdasar 1. ada (memakai, mempunyai) dasar: *kain songket itu ~ biru*; **2.** berasas, bersandar: *~ keterangan-keterangan yg diterima, memang orang itu bersalah*; **3.** ark = **berdasarkan**;

berdasarkan berasaskan, bersandarkan, berlandaskan: *tulisan saya itu ~ berita yg tersiar di sebuah akhbar; tuduhan yg ~ bukti-bukti yg nyata*;

mendasar bersifat dasar atau asas: *keperluan-keperluan yg paling ~ bagi zamannya*;

mendasari menjadi dasar atau asas kpd: *konflik antara Hang Tuah dgn Hang Jebat yg ~ drama ini adalah cukup dramatik; kita akan dapat melihat ideologi yg ~ penulisannya*;

mendasarkan menggunakan (memakai) sbg dasar: *perkahwinan harus didasarkan pd cinta dan kasih sayang*;

pendasaran proses menjadikan sesuatu dasar: *situasi masyarakat yg saintifik dibantu oleh ~ sifat-sifat sandiwara*.

dasau Pr bekas air drpd tempurung kelapa.

dasawarsa masa sepuluh tahun, dekad: *proses itu sahaja mungkin mengambil masa satu ~; perayaan ~ perayaan yg diadakan pd tahun kesepuluh tertubuhnya dsb sesuatu, perayaan ulang tahun yg kesepuluh*.

dasi Id tali leher; *~ kupu-kupu tali leher kupu-kupu*;

berdasi memakai dasi (tali leher).

dastur; *layar ~ layar kecil sbg tambahan kpd layar besar*.

dasun sj bawang putih, *Allium sativum*; *sbg~ tunggal sl bentuk hidung yg cantik*;

mendasun spt dasun; *~ tunggal bentuk hidung yg cantik*.

data butir atau maklumat yg diketahui atau yg telah dikumpulkan tentang sesuatu dan dapat dijadikan asas utk membuat kajian (analisis atau kesimpulan); *~ sandar (Komp) salinan pendua*

maklumat dlm komputer, yg disimpan dlm disket, cakera dsb utk tujuan keselamatan.

datafon (Komp) peranti yg membolehkan perhubungan data dijalankan melalui rangkaian talian telefon.

datang 1. sampai, tiba (di sesuatu tempat): *setelah ~ di balai, maka surat itu pun disuruh baca; hari telah jauh malam, tetapi Ali tidak ~ juga;* **2.** bergerak menghampiri seseorang atau sesuatu tempat: *dia melambai-lambaikan tangan dan terus ke tempat kami sedang duduk;* **3.** pergi (berjalan, bergerak, dsb) sehingga sampai di sesuatu tempat (atau utk menemui seseorang dsb): *saya akan mencuba ~ dua kali seminggu;* **4.** berasal (dr): *dia ~ dr Kedah;* **5.** hingga, sampai (bkn jangka masa dsb): *adapun tempat Merah Silu beroleh gelang-gelang itu, Padang Gelang-Gelanglah namanya ~ sekarang;* **6.** muncul, timbul: *tiba-tiba ~ suatu fikiran di kepalanya; ~ selernya hendak makan;* **7.** ark = (yg) akan ~ yg akan tiba, hadapan, kemudian (bkn jangka masa dsb); *masa ~ kelak, kemudian, kemudian nanti; minggu ~ minggu hadapan; ~ akal datang (mendapat) ilham; ~ bulan = ~ haid turun atau keluar darah haid (pd perempuan); ~ hati sampai hati, tergamak; ~ nampak (tampak) muka, pergi nampak (tampak) belakang (punggung) prb datang dgn baik pergi pun hendaklah dgn baik juga; ~ spt ribut, pergi spt semut prb sesuatu penyakit itu cepat datangnya tetapi lambat perginya; ~ tak berjemput, pulang tak berhantar prb tetamu yg tidak penting;*

datang-datang 1. setibanya, baru atau sebaik-baik sahaja datang: *~ dia ke mari hendak makan;* **2.** selalu (kerap) datang: *~lah ke rumah apabila senang;*

berdatang; ~ *sembah* sl berkata-kata dgn raja (orang besar-besar) dgn bahasa halus: *maka si penyadap pun masuklah mengadap Betara, maka ia ~ sembah, menuntut janjinya;*

berdatangan datang beramai-ramai, datang dr berbagai-bagai tempat;

mendatang 1. datang (timbul, berlaku, dll) dgn tiba-tiba: *siapakah dapat menduga kalau hari esoknya hujan ~; jika ada aral ~;* **2.** (yg) datang dr tempat lain (tidak asli): *penyesuaian sosioekonomi dicorakkan bukan sahaja oleh ciri-ciri yg didatangkan atau ~, tetapi oleh ciri-ciri yg sudah sedia ada; orang ~ orang yg datang atau berasal dr negeri lain (bukan bumiputera atau penduduk asli);* **3.** ark terbitan; *kata-kata ~ kata-kata terbitan;* **4.** akan datang: *kalaulah perjanjian pd masa ~ dapat mengurangkan pengeluaran senjata;*

pucuk dicita ulam ~ prb yg diperoleh lebih baik drpd yg dikehendaki;

mendatangi 1. datang ke, mengunjungi, melawati, menziarahi: *sejak pukul sebelas sampailah petang tidak putus-putus rumah Bidin didatangi kawan-kawannya; rakyat negeri ini dibenarkan ~ negara-negara asing;* **2.** datang utk menyerang (memeriksa, menangkap, dll): *Sultan Zainal Abidin sudah didatangi oleh orang Pasai pula; polis telah ~ rumah beliau malam tadi;* **3.** menimpa (bkn bala, penyakit, dsb); *didatangi penyakit ditimpa (kena) penyakit;* **4.** Id ark menjadikan kata terbitan (dgn memberi awalan atau akhiran);

datang-mendatangi saling berkunjung, ziarah-menziarahi, lawat-melawati;

mendatangkan 1. membawa (memasukkan, memanggil) dr tempat lain: *air tambahan ini didatangkan dr kolam dan terusan air;*

pihak universiti akan ~ beberapa orang pensyarah dr luar negeri;

2. menyebabkan (mengakibatkan, menjadikan) berlakunya (wujudnya, terdapatnya, dll) sesuatu, menimbulkan: *demokrasi di Malaysia ini akan ~ kebahagiaan dan kesejahteraan kpd negara kita; moga-moga usaha ini akan ~ faedah kpd kita bersama; peperangan akan ~ berbagai-bagai keburukan semata-mata;*

kedatangan 1. perihal datang (mendatang), tibanya, sampainya: ~ *orang-orang Minangkabau itu disambut dgn mesra;* **2.** diserang (musuh dsb), ditimpa (kemalangan dll), didatangi: ~ *gerombolan penjahat; ~ musuh; ~ bencana; ~ bulan datang bulan (haid);*

pendatangan perihal (perbuatan dsb) mendatangi atau mendatangkan;

pendatang 1. orang mendatang, orang asing yg datang ke, atau memasuki sesebuah negeri lain; ~ *haram* bk pendatang tanpa izin; ~ *tanpa izin* orang asing yg memasuki sesebuah negeri lain dgn tidak mendapat kebenaran drpd kerajaan negeri tersebut; **2.** tiang atau penyokong utk menguatkan (meneguhkan); **3.** perasaan yg timbul dlm hati (terlebih dahulu), gerak, firasat.

datar (sama) rata (bkn tanah, permukaan, nada, dll), tidak tinggi rendah; *tanah ~ tanah rata (tidak berbukit-bukit); ~ bak lantai papan, licin bak dinding cermin* prb keputusan yg adil;

sedatar 1. sama rata: *garisan-garisan lurus ~ yg selari dgn satu garisan yg sama adalah selari sama sendiri;* **2.** tidak mendalam (bkn pengetahuan dsb); ~ *saja lurah dgn bukit* prb tidak membezakan antara kaya dgn miskin;

mendatar 1. (seakan-akan) rata: *padang yg ~;* **2.** selari dgn permukaan bumi, melintang (tidak menegak atau lurus ke atas): *garis ~;* **3.** bergerak dr satu tangga gaji ke satu tangga yg lebih tinggi dlm peringkat yg sama dlm Sistem Saraan Baru (bkn

pergerakan gaji kakitangan perkhidmatan awam kerajaan Malaysia): *ada empat kaedah pergerakan gaji bagi seseorang anggota, iaitu secara melintang, menegak, ~ atau statik;*

m mendatarkan menjadikan datar, meratakan: *kawasan itu didatarkan dahulu sebelum didirikan rumah;*

dataran 1. kawasan (tempat, tanah) yg datar: *~ tinggi Tibet;* **2.** ark padang, lapangan;

kedataran keadaan (sifat dsb) datar, kerataan;

pendataran perihal atau perbuatan mendatarkan (meratakan).

dati pengerahan tenaga (utk keperluan raja).

datia ark gergasi, raksasa.

Datin gelaran bagi isteri seseorang yg telah dianugerahi gelaran kehormatan Datuk (atau Dato'); *~ Seri* gelaran bagi isteri seseorang yg bergelar Datuk Seri (Dato' Seri).

dating bp janji temu dgn seseorang yg berlainan jantina (mis antara seorang pemuda dgn teman wanitanya utk keluar makan, menonton wayang gambar dsb): *selepas hanya dua kali ~, dia muncul di depan pintu rumah, tanpa diundang;*

berdating bertemu atau keluar dgn seseorang yg berlainan jantina (mis teman lelaki atau wanita) utk keluar makan, menonton wayang gambar dsb: *mereka terus bernikah tanpa perlu ~.*

Dato' gelaran kehormat di Malaysia yg dianugerahkan oleh semua ketua negeri kecuali Melaka, Sarawak dan Sabah, kpd orang yg telah dianugerahi pingat tertentu (sbg penghargaan terhadap jasa atau khidmatnya kpd negara);

~ Seri gelaran kehormat yg dianugerahkan oleh semua ketua negeri, kecuali Pahang, Melaka, Sabah dan Sarawak, kpd orang yg telah dianugerahi pingat tertentu; *~ Sri* gelaran kehormat yg

dianugerahkan oleh Sultan Pahang kpd orang yg telah dianugerahi pingat tertentu.

datu I 1. ark raja, ratu; **2.** Mn tukang ubat-ubatan (ramuan), bomoh; **3.** Jk orang yg keramat, orang yg telah meninggal;

kedatuan 1. ark kerajaan, pemerintahan; **2.** Mn tari-tarian.

Datu II gelaran kehormatan di Sabah (sbg anugerah).

datuk I 1. bapa kpd ayah atau ibu seseorang; **2.** panggilan oleh seseorang terhadap bapa kpd ayahnya (ibunya) atau terhadap seseorang lain yg sedemikian tuanya, aki, kakek; ~ *nenek* nenek moyang, leluhur; **3.** ark panggilan orang ramai kpd anggota polis atau panggilan mata-mata kpd pegawai atasannya; **4.** Mn penghulu adat; **5.** hantu (puaka, penunggu) sesuatu tempat: ~ *di pokok itu kononnya selalu mengganggu orang-orang yg lalu di situ*; **6.** topekong, berhala, atau dewa (kpd orang Cina yg mempunyai kepercayaan tertentu); *rumah* ~ rumah berhala; **7.** bp sebutan bagi harimau;

~ *betina* sl ketua dayang-dayang dlm istana; ~ *kayu* ark pegawai dan kakitangan jabatan hutan;

mendatukkan menjadikan (memanggil) datuk: *Tok Embong dituankan oleh orang-orang suruhannya, diayahkan oleh peringkat anak-anak dan didatukkan oleh peringkat cucunya.*

Datuk II 1. gelaran kehormat kpd orang yg berpangkat atau bermartabat tinggi (yg biasanya menjadi pembesar negeri): ~ *Bendahara*; ~ *Paduka Raja*; ~ *Panglima*; ~ *Temenggung*; **2.** gelaran kehormat di Malaysia yg dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Yang Dipertua Negeri Melaka, Yang Dipertua Negeri Sarawak dan Yang Dipertua Negeri Sabah kpd orang yg telah dianugerahi pingat tertentu (sbg penghargaan terhadap jasa atau khidmatnya kpd negara);

~ *Bandar* ketua pentadbiran sesebuah bandar raya; ~ *Patinggi* gelaran kehormat yg dianugerahkan oleh Yang Dipertua Negeri Sarawak kpd orang yg telah dianugerahi pingat tertentu; ~ *Seri* gelaran kehormat yg dianugerahkan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka kpd orang yg telah dianugerahi pingat tertentu.

datung ark sl datuk (kakek).

dauk putih keabu-abuan (bkn warna kuda); jenis-jenisnya: ~ *bertitik*, ~ *cempaka*, ~ *macan*, ~ *ruyung*.

daulat **1.** bahagia, kebahagiaan (pd raja-raja yg memerintah); ~ *dirgahayu* mudah-mudahan berbahagia dan lanjut usia; **2.** ya, benar (digunakan ketika menyambut titah raja dsb); **3.** kuasa (raja, kerajaan); **4.** ark tulah; *ditimpa* ~ kena tulah (raja); ~ *tuanku* a) benar tuanku, ya tuanku; b) berbahagialah tuanku;

berdaulat **1.** bertuah, berbahagia; **2.** mempunyai kuasa (yg tertinggi): *raja* yg ~; **3.** (merdeka dan) berkuasa atau berhak sepenuhnya di atas urusan atau pemerintahan sendiri: *negara* yg *merdeka dan* ~; **4.** mempunyai kedudukan yg tinggi dan berkuasa, berwibawa: *bahasa Melayu dapat menjadi bahasa* yg ~ *di negeri kita, bukan bahasa Inggeris atau bahasa asing* yg lain;

mendaulat **1.** menjunjung (mengabdikan, berkhidmat kpd raja); **2.** Id, bp merampas (kekuasaan dll) dgn tidak sah, menurunkan orang berpangkat atau berkuasa (spt raja dll) dr kedudukannya dgn paksaan: *Raja Faruk telah didaulat oleh rakyat Mesir*;

mendaulkan menjadikan berdaulat, memberi hak (kuasa dll), menjadikan berwibawa: *perjuangan hendak ~ Bahasa Kebangsaan bukan perjuangan baru*;

kedaulatan kekuasaan yg tertinggi: ~ *Raja-raja Melayu diakui oleh perlembagaan*;

~ *rakyat* demokrasi; ~ *undang-undang* kedudukan undang-undang sesebuah negara sbg kuasa tertinggi yg mesti dihormati dan dipatuhi oleh semua pihak atau lapisan masyarakat;

pendaulatan perihal atau perbuatan mendaulatkan: ~ *Bahasa Kebangsaan*;

pendaulat **1.** bp orang yg mendaulat; **2.** orang atau pihak yg mendaulatkan: *kononnya negara itu dianggap sbg ~ demokrasi.*

daun I **1.** bahagian tumbuh-tumbuhan yg biasanya leper dan nipis, berwarna hijau, dan tumbuh di dahan; **2.** benda yg berhelai-helai (berkeping-keping nipis-nipis): ~ *rokok*; ~ *terup*; **3.** bahagian sesuatu yg lebar lagi nipis: ~ *kipas*; ~ *pintu*;

~ *ceding* Kl pelengkap (penguat) sesuatu; ~ *dayung* bahagian yg lebar di hujung dayung (pengayuh); ~ *kaki* Kl taraf yg paling rendah; ~ *kipas* bahagian kipas angin yg berkeping-keping; ~ *kentut-kentut* sj tumbuhan (herba) yg daunnya dijadikan ubat, akar sekentut, *Paederia foetida*; ~ *meja* papan di atas meja; ~ *neraca* (*dacing*) piring neraca (*dacing*); ~ *padi* sj pisau kecil; ~ *parsli* sejenis tumbuhan kecil (daunnya kerinting) yg digunakan sbg perisa atau hiasan dlm masakan, *Petroselinum crispum*; ~ *pintu* papan pintu yg boleh dibuka tutup; ~ *rampas* Kl a) daun yg dipungut kali yg terakhir; b) kaum yg dikuasai orang lain; ~ *sari salut* ranggi dan kelopak bunga dikira sekali; ~ *sisik* tumbuhan kecil (pd pokok) yg melindungi tunas; ~ *tapak anjing* Kl daun tumbuh-tumbuhan yg mula-mula bercambah; ~ *telinga* bahagian telinga yg di luar; ~ *tingkap* papan tingkap yg boleh dibuka tutup; *makan se~* sl makan bersama-sama di sesuatu tempat (sebelum masuk perang dll sbg tanda seia sekata);

~ *dapat dilayangkan*, *getah jatuh ke perdu juga* prb tidak sama kasih kpd anak sendiri dgn kasih kpd anak orang; ~ *nipah*

dikatakan ~ labu prb salah faham yg terbit kerana malas bertanya;
~nya jatuh melayang, buahnya jatuh ke pangkal juga prb akan
ketahuan juga kekurangan seseorang walaupun tinggi
pengetahuannya, yg berguna tinggal dan yg tidak berguna
terbuang; *bagai kucing main* ~ prb peri kehebatan seseorang;

berdaun mempunyai daun, tumbuh (bercambah) daunnya;

mendaun menjadi spt daun; ~ *kayu* ki banyak spt daun kayu; ~
kunyit ki tidak berguna.

daunan daun (terutamanya digunakan dlm karya sastera).

daun II = *tengas* ~ sj ikan darat, *Acrossocheilus deauratus*; ~ *baharu* sj
ikan laut, *Ephippus orbis*.

daun III; *burung* ~ sj burung, *Chloropsis sonnorati zosterops*.

daung Kl; *panjang* ~ sangat panjang.

daup-daup 1. sj tumbuhan (pokok memanjat), akar jambul merak, akar
suluh, *Bauhinia cornifolis*; **2.** sj tumbuhan (pokok memanjat),
kangkatuk, kempaga, *Bauhinia flammifera*; **3.** sj tumbuhan (pokok
memanjat), kait-kait rimba, katup-katup, *Bauhinia bidentata*.

daur jangka masa tertentu;

~ *besar* jangka masa 120 tahun; ~ *kecil* jangka masa lapan tahun,
windu.

dawah sj tumbuhan (rumpai), aring-aring, daun dakelin, keremak hutan
(jantan), rumput kunang putih, *Eclipta alba*.

dawai tali drpd logam (digunakan utk mengikat sesuatu atau membuat
pagar, bakul, dll), kawat;

~ *duri* dawai berduri yg dibuat pagar; ~ *gelang (kasar)* ark dawai
telegraf; ~ *hidup* dawai yg mengalirkan arus elektrik; ~
ketegangan tinggi kawat yg mengaruskan tenaga elektrik yg
tinggi; ~ *mata punai* dawai yg dianyam (digunakan utk membuat

kandang ayam dll); *umpama ayakan* ~ prb pekerjaan seseorang yg tidak cermat;

mendawai memasang dawai atau kawat: *dia mempunyai kemahiran memperbaiki barang-barang elektrik dan ~;*

mendawaikan memasang dawai elektrik (pagar, dll): *punca kebakaran tersebut akibat tindakan ~ lampu secara haram;*

pendawaian proses memasang dawai, sistem pemasangan dawai: *Tenaga Nasional akan cuba menggantikan meter lama dgn meter baru utk memperbaiki sistem ~nya;*

pendawai orang yg kerjanya memasang dan menyelenggarakan dawai elektrik, kabel elektrik dsb.

dawai-dawai sj tumbuhan (pokok), sedawai, *Smilax calophylla*.

dawang Kl kawasan (keping) tanah.

dawas Kl, Tr berkurang (bisa, mutu, dll).

daya **I** 1. kekuatan, tenaga, keupayaan, kemampuan: ~ *pengangkutan lori itu dua tan sahaja; usaha-usaha utk meninggikan ~ pengeluaran; ~ berfikir*; 2. akal, ikhtiar, jalan (utk sesuatu); *habis segala* ~ habis ikhtiar; *seribu* ~ bermacam-macam akal (ikhtiar); 3. muslihat, tipu; *tipu* ~ tipu muslihat; ~ *batin* kekuatan batin; ~ *cipta* keupayaan (kebolehan) mencipta; ~ *fikir* kekuatan atau keupayaan utk menggunakan akal fikiran; ~ *ghaib* kuasa ghaib (spt kesaktian dsb); ~ *gerak* kekuatan utk bergerak; ~ *ingatan* kekuatan atau keupayaan fikiran utk mengingat sesuatu atau seseorang; ~ *juang* kemampuan utk berjuang atau memperjuangkan sesuatu dgn gigih; ~ *kuda* (Fiz) unit utk mengukur tenaga (enjin dll), kuasa kuda; ~ *penarik* (*tarik*) kekuatan (kebolehan) utk menarik sesuatu (benda, orang, dll); ~ *tahan* kemampuan utk mempertahankan diri atau bertahan drpd

sesuatu ancaman (bahaya, penyakit dsb); ~ *usaha* = ~ *utama*
kegiatan (usaha) utk memelopori sesuatu;

sedaya = **sedaya upaya**;

berdaya **1.** mempunyai tenaga, bertenaga, berupaya: *mereka sudah terlalu keletihan dan tidak ~ lagi*; **2.** mempunyai kemampuan (keupayaan): *aku tidak ~ membalas budinya; tujuannya supaya kita berdisiplin, bersistem dan ~ menyelesaikan sesuatu persoalan yg rumit*; **3.** mempunyai muslihat (fikiran, ikhtiar);

memperdaya, memperdayakan, mendaya, mendayakan
menjalankan tipu daya (muslihat), menipu: *apabila sudah begitu, mudahlah mereka mendayakan kami spt yg sudah diperdayakannya beberapa orang pelayan*;

mendayai **1.** menipu, mengakali; **2.** mempengaruhi; **3.** memberi tenaga (kekuatan dsb);

terdaya termampu, bertenaga, berkemampuan, berkeupayaan: *jangan-jangan dia tidak ~ hendak menjalankan kerjanya nanti; hanya lima sen minyak utk pelita itu sahaja yg ~ oleh mereka setiap petang*;

terperdaya terkena tipu daya (muslihat), tertipu;

kedayaan kebolehan membuat sesuatu;

perdayaan tipu daya, tipu muslihat: *tidak baik bertunang lama-lama, takut tidak terlawan ~ iblis nanti*;

pendayaan perihal (perbuatan) mendayai atau mendayakan, penipuan.

daya II; *barat* ~ mata angin atau arah di antara barat dgn selatan.

dayah ark inang pengasuh, orang yg mengasuh (menyusu) anak.

daya maju keupayaan utk maju dan berkembang: ~ *projek penternakan ikan air tawar itu semakin memberangsangkan*

berdaya maju berkemampuan utk maju dan berkembang: *seharusnya usahawan bumiputera perlu lebih ~ dan berdaya saing dlm menghadapi dunia perniagaan yg begitu kompetitif dan mencabar.*

dayang 1. sl gadis, perawan; **2.** panggilan timang-timangan utk anak-anak perempuan; **3.** = **dayang-dayang** gadis-gadis pelayan di istana: *dia tersandar di katil spt raja yg dikerumuni oleh inang dan ~;*

pendayangan dayang-dayang di istana;

pendayang 1. sl perempuan(-perempuan) muda; **2.** ark perempuan jalang, pelacur: *hai ~, puaslah sudah gerangan engkau menipu!*

dayangku Br 1. gelaran utk anak perempuan bujang yg bapanya keturunan pengiran: *D~ Mariam*; **2.** panggilan timang-timangan utk anak perempuan yg bapanya bukan pengiran.

daya saing kemampuan utk bersaing;

berdaya saing mempunyai daya saing: *syarikat-syarikat yg ~.*

daya upaya 1. kekuatan, kemampuan, keupayaan, ikhtiar; **2.** akal;

sedaya upaya seberapa yg dapat diusahakan, (dgn) segenap akal atau sepenuh ikhtiar;

berdaya upaya = berdaya.

dayu; mendayu 1. = **mendayu-dayu** sayu (-sayu), sayup-sayup kedengaran (bkn bunyi yg berirama, suara, dsb); **2.** = **mendayu-dayu** berbunyi sayu-sayu atau sayup-sayup: *biola ~ melagukan Seri Mersing*; **3.** = **mendayakan** menyanyikan (lagu yg sayu) utk menidurkan anak, menguliti (menyanyikan) anak supaya tidur, mendondong.

dayuh Mn; terdayuh; ~ *hati* berasa sedih (sayu, rawan, dsb) hati, berasa terharu.

dayuk Mn; terdayuk; ~ *pinggang* terliuk pinggang.

dayung 1. sj alat yg berdaun pd hujung batangnya utk menggerakkan perahu (sampan dsb), pengayuh; *anak* ~ orang yg mengayuh (perahu); *batang* ~ tangkai dayung (bahagian dayung selain daunnya); *daun* ~ bahagian (papan) yg pipih pd hujung dayung; **2.** ridip pd dada ikan; **3.** Id pengayuh pd basikal (utk menggerakkannya);

~ *batang* dayung yg panjang batangnya; ~ *burit* dayung di bahagian belakang (perahu, sampan, dsb); ~ *gebeng* dayung yg daunnya sudah dipakukan pd hujung batangnya; ~ *haluan* dayung di bahagian hadapan (perahu, sampan, dsb); ~ *kebas (kibas)* dayung yg panjang dan lebar daunnya; ~-*mayung* berbagai-bagai jenis dayung; ~ *merpati sekawan* dayung yg daunnya berwarna putih; ~ *peminggang* dayung yg di bahagian pertengahan perahu (sampan dsb); ~ *tudung belanga* dayung yg bulat daunnya; *sekali merengkuh* ~, *dua tiga pulau terlampau* prb sekali membuat pekerjaan dua tiga maksud tercapai;

berdayung 1. berperahu (berkapal, bersampan, dll) dgn menggunakan dayung, menggerakkan perahu dsb dgn menggunakan dayung, berkayuh: *sesudah beberapa lama mati angin, kapal layar itu tidak bergerak dr tempatnya, sehingga anak buahnya terpaksa* ~; **2.** Id berkayuh basikal;

mendayung 1. menggerakkan (perahu dsb) dgn menggunakan dayung, mengayuh (dgn dayung): *sukan-sukan yg diadakan ialah lumba lari, ~ sampan, menembak, berenang, dll*; **2.** Id mengayuh basikal;

mendayungkan 1. menggerakkan (perahu, sampan, dll) dgn dayung, mengayuhkan; **2.** Id mengayuhkan basikal;

pendayung 1. orang yg mendayung, anak dayung; **2.** alat utk mendayung, pengayuh, dayung.

dayus hina dan keji (sifat atau perbuatan): *hanya laki-laki ~ sahaja yg membenarkan isterinya mencari wang dgn jalan tidak halal;*

mendayus menghinakan, mengejikan, merendahkan, mencerca;

kedayusan perihal (sifat) dayus: *yg kekal dlm masyarakat yg jahil itu ialah kebatilan, ~, kebodohan dan fitnah serta hasad dengki.*

DBKL kep Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

DBP kep Dewan Bahasa dan Pustaka (badan berkanun yg mempunyai tugas dan tanggungjawab membina, memajukan dan memperkembang bahasa Kebangsaan dan sastera serta melaksanakan tugas-tugas lain).

DC kep *Diplomatic Corps* (Kor Diplomat).

DDT kep *dichloro-diphenyl-trichloroethane* (dikloro-difenil-trikloroetana, iaitu sj racun serangga).

DEB kep Dasar Ekonomi Baru.

debab (débab) bp gemuk, tambun, berisi.

debah; mendebah menyembelih; → **zabah**.

debak bunyi spt bunyi orang bertumbuk (barang jatuh dsb); ~ *debuk* bunyi debak berkali-kali (spt orang bertumbuk, buah-buahan atau barang-barang jatuh dsb); → **debuk**.

debam I bunyi spt bunyi benda berat jatuh.

debam II sj ikan laut, *Acanthurus spp.*, *Naso spp.*, *Siganus guttatus*, *Zebrasoma spp.*

deban bunyi spt bunyi barang jatuh.

debap bunyi spt bunyi kena tampar atau barang yg ringan jatuh, bunyi bap-bap;

berdebap-debap berbunyi bap-bap: *jantungnya ~ kedengaran memukul dadanya.*

debar denyut (jantung, nadi): ~ *jantungnya makin cepat; debaran jantung saya berkurang selepas mendengar penjelasannya;*

berdebar, berdebar-debar berdenyut-denyut atau bergerak-gerak agak pantas (bkn jantung, kerana seseorang itu terperanjat, ketakutan, dsb): *ketika hendak sampai di perkuburan, hatiku pun ~;*

mendebarkan menjadikan atau menyebabkan (jantung, nadi) berdenyut agak pantas (kerana timbul perasaan cemas, takut, dsb): *penulis itu pandai benar mengarang cerita-cerita yg ~ jantung hati; saya baru saja mendapat berita yg ~;*

debaran 1. debar; 2. (Ubat) denyutan jantung yg terlalu laju dan kuat, sehingga dirasai pesakit, palpitasi;

perdebaran denyutan (jantung, nadi) yg agak kencang, debaran.

debas bunyi spt bunyi hembusan nafas dll.

debat (débat) bahas, perbahasan: *majlis ~ pd malam itu tidak jadi diadakan;*

berdebat, berdebat-debatan bertukar fikiran (biasanya yg bertentangan) atau berbantahan bkn sesuatu perkara, berbahas: *mahasiswa-mahasiswa itu dicabar tampil ke depan utk ~ di muka umum;*

mendebat membantah (sesuatu pendapat, pendirian, dll) dgn mengemukakan alasan atau hujah, membahas;

mendebatkan, memperdebatkan mendebat tentang sesuatu, membahaskan, memperbantahkan: *ketika itu mereka sedang ~ hal-hal parti politik;*

perdebatan pertukaran fikiran biasanya yg bertentangan mengenai sesuatu hal (pendirian dll) dgn masing-masing pihak mengeluarkan pendapat (alasan dsb), perbuatan berdebat, perbahasan, perbantahan: *~ mengenai perincian belanjawan Kementerian Pendidikan akan diteruskan pd hari Khamis;*

pendebatan perihal (perbuatan dsb) mendebatkan atau memperdebatkan: *soalan-soalan begini tidak mudah dijawab dan kerana itu ~ mengenyainya masih berterusan;*

pendebat orang yg berdebat (mendebat), pembahas.

debek (débék) **1.** K1 tidak bertanduk (bkn lembu, kerbau), dogol; **2.** bodoh, lemah.

debentur (débéntur) surat akuan yg dikeluarkan oleh syarikat, agensi kerajaan dsb sbg tanda penerimaan wang yg dipinjamkan kepadanya pd kadar bunga yg tetap sehingga pinjaman itu dijelaskan.

debik I bunyi spt bunyi orang menepuk sesuatu;

mendebik menepuk, menampar; ~ *mata parang* prb melawan orang yg berkuasa.

debik II ark embek (bunyi kambing);

berdebik mengembek (bkn kambing).

debing bunyi spt bunyi gendang (beduk dsb).

debit (débit) **1.** catatan jumlah wang yg dikeluarkan drpd akaun bank seseorang; **2.** ruang kiri akaun tempat catatan wang keluar dibuat;

mendebitkan mencatatkan atau merakamkan debit, mencatatkan sesuatu butiran perakaunan di ruang kiri akaun: *jika seseorang itu berhutang kpd kita, hendaklah didebitkan jumlah hutangnya itu.*

debitur (débitur) IB orang yg berhutang, orang yg meminjam wang.

debu **1.** tanah kering atau bahan lain dlm bentuk serbuk halus yg menutupi bumi, permukaan benda, atau yg berterbangan ditiup angin: ~ *di tepi jalan itu berterbangan apabila kereta lalu;* **2.** sl patik, hamba; ~ *tuanku* hamba tuanku;

berdebu ada debu, dipenuhi debu, berhabuk, terdapat (diliputi dsb) debu yg berterbangan: *jalan-jalan yg ~;*

mendebu menjadi spt debu (menjadi halus); *cakap ~ cakap* (pertuturan) yg keluarinya bertalu-talu;

mendebukan menjadikan atau menyemburkan dlm bentuk debu: *oleh yg demikian, telah diciptakan alat yg boleh menyemburkan atau ~ racun kulat*;

pendebu alat utk mendebukan (racun kulat dll).

debuk 1. bunyi spt bunyi orang meninju (menampar dgn kuat, barang jatuh ke tanah, dll); **2.** pukulan (tumbukan) yg kuat (di badan): *budak itu kena ~ di belakangnya*;

berdebuk-debuk berbunyi merobok (membobok dsb): *dia pun lemas dan tempayan itu pun ~ masuk air langsung tenggelam*; → **debak.**

debum bunyi spt bunyi benda besar jatuh;

berdebum berbunyi debum (kerana jatuh).

debun bunyi yg hampir dgn bunyi debap.

debung I bunyi spt bunyi gendang (beduk dsb) atau bunyi buah kelapa (durian dll) jatuh.

debung II bekas sirih yg diperbuat drpd mengkuang dll, lopak.

debunga (Bio) benih bunga jantan yg akan bersenyawa dgn benih bunga betina, serbuk halus yg terdapat pd bunga;

mendebungkan memindahkan debunga dr alat kelamin bunga jantan (cepu debunga) ke alat kelamin bunga betina (stigma): *peladang-peladang Jepun tidak menanti kumbang utk ~ pokok pic tetapi menggunakan serbuk yg khas utk tujuan ini*;

terdebunga (telah) didebungakan (oleh): *bunga-bunga yg ~ oleh serangga mempunyai ranggi yg berwarna-warni*;

pendebungaan (Bio) pemindahan debunga dr alat kelamin bunga jantan (cepu debunga) ke alat kelamin bunga betina (stigma);

~ *angin* pendebungaan yg dilakukan oleh angin; ~ *biasa* = ~ *semula jadi* pendebungaan yg dilakukan oleh alam (spt angin, air, binatang, dll); ~ *kacuk* pendebungaan silang; ~ *sendiri* pendebungaan yg berlaku antara bunga pd pokok yg satu oleh serangga, angin dsb; ~ *serangga* pendebungaan yg dilakukan oleh serangga; ~ *silang* pemindahan debunga dr anter suatu bunga ke stigma bunga pokok yg lain oleh serangga, angin dsb.

debup bunyi spt bunyi barang (besar atau berat) jatuh.

debur 1. bunyi spt bunyi barang besar jatuh ke air (orang dicampakkan ke air dsb); **2.** bunyi spt bunyi ombak memecah ke pantai: *degupan jantungnya makin kencang dan hebat macam ~ ombak memukul pantai;*

berdebur berbunyi debur-debur: *pd waktu malam, hanya terdengar suara ombak ~ sahaja di situ;*

mendebur berdebur;

deburan 1. (bunyi) pukulan ombak ke pantai, bunyi spt bunyi barang besar jatuh ke air; **2.** ki perasaan (keadaan) yg berkecamuk: *dgn hati yg berdamba bergetar, maka melangkahlah dia perlahan-lahan menahan ~ di lubuk hatinya;*

berdeburan berdebur-debur: *di situ air selalu ~ dgn ombaknya buru-memburu ke pantai.*

debus 1. bunyi hembusan angin, bunyi spt bunyi burung mengibaskan kepaknya (daun kayu ditiup angin dll); **2.** tidak kena memangkah (dlm permainan gasing); **3.** tidak mendapat atau menghasilkan sesuatu apa: *beberapa kali si Kantan menebar jalanya, terkadang-kadang lekat dan terkadang-kadang ~;*

berdebus berbunyi spt bunyi angin berhembus (burung mengibaskan sayap, daun-daun kayu ditiup angin, dll).

debut bunyi spt bunyi angin keluar dr lubang yg sempit (spt bola kena paku dsb).

debut (début) pertama kali memperlihatkan diri kpd umum (dlm sandiwara, permainan, dll).

decak (décak) Kl melompat dgn sebelah kaki.

decap bunyi spt bunyi orang mengecap makanan;

berdecap-decap berbunyi spt bunyi orang mengecap makanan;

mendecap-decap membunyikan decap (kerana hairan, pelik, dll).

deceh (décéh) → **decap**.

decik → **decit**.

decing bunyi spt bunyi duit syiling dijatuhkan ke batu dll; **cing**.

decip bunyi spt bunyi unggas: *di celah ~ unggas, Haji Idris bersuara perit.*

decit = **decitan** bunyi spt bunyi anak burung (anak ayam, tikus, dll);

berdecit, mendecit berbunyi spt bunyi anak ayam (anak burung, tikus, dll): *burung-burung yg malang itu berlompatan, sekali-sekala ~.*

decuh; *~-decah* bunyi air (cecair) berkocak.

decup bunyi cup-cup spt bunyi benda kecil yg padat jatuh ke air;

berdecup berbunyi spt bunyi benda kecil yg padat jatuh ke air: *anak-anak ikan ~-decup menangkap kelekatu yg jatuh ke kolam itu.*

decur bunyi spt bunyi air memancar;

mendecur **1.** berbunyi spt air memancar; **2.** memancar.

decus → **desus**.

decut bunyi spt bunyi anak kecil menghisap botol susu;

berdecut berbunyi spt bunyi anak kecil menghisap botol susu: *anak itu menghisap botol susunya ~-decut.*

dedah; mendedahkan 1. membuka (kain dsb); 2. menyebabkan atau membiarkan kelihatan (sesuatu yg seharusnya tertutup atau terselindung), membukakan (tidak bertutup), menampakkan (sesuatu yg seharusnya tidak kelihatan: *penjual makanan janganlah hendaknya ~ makanan yg dijual mereka sehingga dihindangi lalat; dia terpaksa ~ mukanya pd pelanggan-pelanggan di kedai itu utk mendapatkan sesuap pagi dan sesuap petang*); 3. ki membawa kpd pengetahuan umum (biasanya sesuatu keburukan atau kecurangan), membentangkan atau memaparkan (sesuatu) kpd pengetahuan umum: *menteri itu ~ beberapa hal yg selama ini tidak diketahui umum; indeks itu juga ~ beberapa kekurangan yg sebenar*; 4. menyebabkan atau menjadikan (seseorang) mengetahui atau memahami sesuatu;

terdedah 1. terbuka (bkn pintu, tingkap): *pintu bilik itu sentiasa ~ dan sesiapa sahaja dapat masuk*; 2. tidak tertutup (bkn badan, makanan, dll): *penjaja itu membiarkan barang-barang jualannya ~; pahanya ~*; 3. berada dlm keadaan terbuka kpd (pengaruh sesuatu dsb): *pd dasarnya orang Melayu makin ~ kpd dunia luar*;

keterdedahan perihal (keadaan) terdedah: *teknik ini ditentukan oleh ~ atau keperluan ekonomi yg wujud dlm negeri*;

dedahan 1. sesuatu yg didedahkan; 2. hasil mendedahkan;

pendedahan 1. perihal mendedahkan (memaparkan, menampakkan, memperlihatkan): *persajakan pd masa ini lebih cenderung kpd ~ perkara-perkara dan perasaan yg jelik dan tidak menyenangkan*; 2. kegiatan, proses, dsb yg menjadikan seseorang mengetahui atau memahami sesuatu yg dulunya asing kepadanya: *oleh sebab itu orang-orang Melayu yg mendapat ~ yg terendah kpd bahasa Inggeris akan tersisih drpd aktiviti politik negaranya sendiri; kursus ~ dan peningkatan tentang asas-asas bahasa*.

dedai; berdedai-dedai berjalan berduyun-duyun (berturut-turut, berbuntut-buntut, dll) dgn tidak beraturan: *pasukan keselamatan telah menyerang hendap pengganas komunis yg ~ di kaki bukit.*

dedak I kulit padi yg menjadi serbuk ketika padi ditumbuk;
bagai padi hendakkan ~, gagai laki hendakkan kendak prb orang yg suka menolak pemberian yg baik dan lebih suka membuat pekerjaan buruk; *minta ~ kpd orang mengubik* prb minta bantuan pd orang yg tidak mampu menolong.

dedak II; berdedak, mendedak bersesak-sesak, berapat-rapat (bkn perahu dll).

dedak III; berdedak menaruh perasaan dendam atau sakit hati, berdendam: *memang sudah lama hati saya ~ melihat lagak lakumu dlm negeri ini.*

dedali □dali-dali.

dedalu 1. sj tumbuhan (pokok), dalu-dalu; **2.** semua jenis pokok menumpang;
spt ~ api hinggap di pohon kayu; hinggap di batang, batangnya mati, hinggap di ranting, rantingnya patah prb apabila orang yg jahat bercampur dgn orang yg baik-baik, akhirnya rosaklah orang yg baik-baik itu; → **dalu II.**

dedap = ~ *batik* sj tumbuhan (pokok), *Erythrina subumbrans*;
~ *hutan* sj tumbuhan (pokok kecil), anting melayu, kekabu hutan, *Erythropsis fulgens*; ~ *laut* sj tumbuhan (pokok kecil), akar sergang, baru(-baru), membaru, *Hibiscus tiliaceus*; *laksana bunga ~, merah ada berbau tidak* prb orang yg rupanya elok tetapi tidak berbudi bahasa; **dadap II.**

dedar I berasa panas-panas badan (spt hendak demam).

dedar II; mendedar Kd mengejar.

dedari dari-dari.

dedaru sj tumbuhan (pokok) dlm famili Icacinaceae, kayunya sesuai dibuat perabot, papan lantai, dll, samala (di Sabah), *Cantleya corniculata*.

dedas I bunyi (spt bunyi) letusan yg kecil-kecil;

mendedas berbunyi dgn berdetas.

dedas II Kl rasa tidak puas kencing.

dedau; mendedau ark berteriak (menjerit) dgn kuat.

dedaun pelbagai jenis daun, bak daun: ~ *keladi air yg melilit di tiang tangga menyulitkannya*;

dedaunan daun-daunan.

dedaup daup-daup.

dedawai dawai-dawai.

dedeh (dédéh) → **dedes I**.

dedek Jk → **dedak I**.

dedel (dédél) Jk tetas, retas (jahitan, kelim, dll);

mendedel menetas, meretas (jahitan, kelim, dll).

dedeman (dedéman) bentuk spt bentuk potongan wajik.

dedemit Jk hantu; → **demit**.

deder (dédér) Kl cuai, lalai.

dedes (dédés) **I 1.** potong (kerat, hiris) tipis-tipis (bkn daging dll); **2.** Kl habis, kikis, licin;

mendedes 1. memotong (mengerat, menghiris) tipis-tipis; **2.** Kl menghabiskan (mengikis).

dedes (dédés) **II Id 1.** musang; **2.** kesturi.

dedikasi (dédikasi) **1.** pengabdian diri, masa, dll sepenuhnya kpd sesuatu tujuan tertentu (kerjaya dll); **2.** inskripsi atau pengumuman yg ditambah pd awal buku, gubahan muzik, dll yg ditujukan kpd seseorang atau sesuatu;

berdedikasi menunjukkan atau memberikan dedikasi: *diharapkan bimbingan ini akan lebih merangsang mereka utk menjadi penulis yg lebih ~ terhadap seni dan masyarakat;*

mendedikasikan menunjukan sesuatu (mesej sesebuah buku, gubahan muzik, dll) kpd seseorang atau sesuatu sbg tanda penghormatan atau kasih sayang: *saya ingin ~ buku ini kpd Dewan Bahasa dan Pustaka.*

deduit duit-duit (sj pokok keladi).

deduksi (déduksi) **1.** kesimpulan atau rumusan yg dibuat drpd maklumat atau fakta yg ada; **2.** perihal (perbuatan, kaedah, dsb) membuat kesimpulan dgn berdasarkan maklumat atau fakta yg ada;

mendeduksikan **1.** membuat kesimpulan (penemuan dll) drpd keadaan yg umum kpd yg khusus: *pengujian ini dilakukan dgn ~ penemuan itu drpd hipotesis tersebut;* **2.** merumuskan fakta (kaedah) berdasarkan maklumat yg ada.

deduktif (déduktif) bkn kesimpulan (rumusan) yg dibuat berdasarkan deduksi: *keutamaan mestilah diberikan pd pendekatan ~ secara betul dan cekap.*

dedulang sj tumbuhan (pokok renek); → **dulang IV.**

deejay bp DJ.

Deepavali (dipavali) hari perayaan bagi penganut agama Hindu.

de facto (di fékto) (Latin) pd hakikatnya, pd kenyataannya, sebenarnya; *kerajaan ~ kerajaan yg pd hakikatnya benar-benar berkuasa (sama ada sah atau tidak dr segi undang-undang); pegawai ~ (Udg) pegawai yg memegang sesuatu jawatan tanpa mengikut cara yg ditetapkan oleh undang-undang.*

defendan (déféndan) orang atau pihak yg didakwa atau dituntut dlm mahkamah undang-undang: *mahkamah boleh melaksanakan budi bicaranya dan memerintahkan pihak ~ supaya memberikan*

maklumat yg diminta oleh plaintif; mahkamah membebaskan semua ~.

defensif (défensif) bersikap mempertahankan pandangan (hak dll): *dia bersikap ~ terhadap warisannya.*

defile (défilé) IB perbarisan (perarakan) tentera;

berdefile berbaris (bkn tentera).

definisi (définisi) kenyataan yg ringkas dan padat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata, frasa, dll, takrif: *sebahagian besar perkataan dlm kamus ini diberi ~ dan dituruti oleh kata seerti;*

berdefinisi mempunyai definisi, bertakrif;

mendefinisikan memberikan definisi, mentakrifkan: *~ istilah;*

pendefinisian perihal (perbuatan dsb) mendefinisikan, pemberian definisi, pentakrifan.

definitif (définitif) IB pasti dan muktamad, pasti dan dapat memutuskan, dapat dipertanggungjawabkan dan layak menjadi pegangan: *pendekatan ini saya gunakan utk memperoleh sesuatu yg ~ mengenai sastera dlm konteks tempatan dan kebangsaan.*

defisit (déficit) kekurangan hasil pendapatan berbanding dgn perbelanjaan yg diperlukan (bkn anggaran belanjawan dsb).

deflasi (déflasi) penurunan aktiviti ekonomi yg menyebabkan penurunan tingkat output, guna tenaga, pelaburan, perdagangan, keuntungan dan harga lebih rendah.

deformasi (déformasi) perubahan bentuk (tubuh dll) drpd yg baik kpd yg kurang baik.

degam bunyi spt bunyi meriam (guruh, pintu ditutup dgn kuat dll);

berdegam, mendegam berbunyi spt bunyi meriam (guruh, pintu ditutup dgn kuat, dll): *sesudah dia masuk, pintu bilik itu pun ~ ditiup angin.*

degan Jw nyiur muda.

degap I bunyi spt bunyi orang menghentakkan kaki ketika berjalan (bunyi degupan jantung dll): *sambil mendukung kedua-dua adiknya, ~ -- dia naik ke rumah; --degup bunyi degap berulang kali;*

degap-degap degap-degap;

berdegap-degap berbunyi degap-degap: *melihat peristiwa yg mengerikan itu, ~ hatinya; degup.*

degap II; ark **berdegap** segak, tegap: *kedua-dua pemuda yg menaiki motosikal itu sama-sama ~ badannya.*

degap III Tr; **berdegap** tinggi (matahari): *Allah, kita terlewat, matahari ~ sudah!*

degar bunyi spt bunyi orang memukul kayu (memecah pintu dll);

-- merapati = -- perapatkan prb perselisihan (dlm hal keluarga, suami isteri) yg tidak merenggangkan tetapi mengeratkan lagi perhubungan;

berdegar-degar 1. berbunyi degar beberapa kali; **2.** ki besar dan bersemangat (bkn percakapan seseorang): *cakapnya dgn kita selalu berdentum ~; cakap ~, tahi sangkut di gelegar* prb cakap sahaja yg besar tetapi tidak ada apa yg dikerjakan.

degil (bersifat) tidak mahu atau tidak mudah menurut kata atau menerima nasihat, keras hati, tegar, keras kepala, kepala batu: *budak itu memang ~, makin dilarang makin lagi dibuatnya;*

berdegil berkeras hati (tidak mahu berganjak drpd pendirian dsb), enggan menurut perintah (suruhan, tegahan, dll): *anak itu tetap ~ mengatakan bukan dia yg mencuri;*

kedegilan perihal (sifat, sikap, dsb) berdegil, ketegaran, kekerasan hati: *kerana ~ merekalah maka mereka menjadi mangsa kemalangan bom itu;*

pendegil orang yg degil sifatnya: *suaminya itu seorang yg sombong lagi ~.*

deging Jk; **be(r)deging** berkeras hati, tidak mahu mengalah.

degradasi (dégradasi) (Kim) proses penguraian sebatian yg kompleks kpd bentuk yg lebih ringkas (lebih kecil): *bahan kimia kerap kali dicampurkan ke dlm bahan solekan utk menghalang ~ akibat sinaran matahari.*

deguk bunyi spt bunyi orang meneguk air; → **teguk**.

degum I bunyi (spt bunyi) tembakan meriam: *sekali letup, tiga ~nya; ~-degam* bunyi degum berkali-kali;

degum-degum degum-degam.

degum II Pr beguk, serah beruk.

degung 1. bunyi (spt bunyi) gong; **2.** (Sunda) sj gamelan.

degup 1. bunyi spt bunyi benda jatuh ke tanah; **2.** bunyi spt bunyi denyutan jantung yg keras;

berdegup berbunyi degup: *Haji Ibrahim juga cuba menguasai kegusaran Ahmad walaupun dlm dirinya sendiri ~ debaran-debaran bimbang.*

degur bunyi spt bunyi ombak memukul pantai dsb.

deh (déh) Jk bp sudah(lah).

dehak; be(r)dehak Kd terperanjat.

deham bunyi ham-ham spt bunyi batuk kecil yg tertahan-tahan;

berdeham, mendeham membuat bunyi deham atau berbatuk kecil yg tertahan-tahan (utk menarik perhatian dll): *apabila sampai di halaman rumah, dia pun ~ sedikit sbg tanda dia sudah datang.*

dehem (dehém) → **deham, daham**.

de jure (di juri) menurut undang-undang, sah di sisi undang-undang; *pemerintah ~ pemerintah yg sah menurut hukum.*

dek (dék) I Id, bp kain selimut.

dek (dék) **II** **1.** geladak: *selepas jam tiga petang, aku duduk di ~ sambil melunjurkan kaki bermalas-malas*; **2.** (Hut) pelantar tempat kayu balak diturunkan dr lori atau kereta api, biasanya di sisi kilang.

dek (dék) **III** kerana, oleh: *lalu gegak gempitalah seluruh isi bumi Malaysia ~ kegigihan pendiayah.*

deka- (déka) *awalan asing* sepuluh, mis *dekaliter* dan *dekagram*.

dekad (dékad) jangka masa sepuluh tahun, dasawarsa.

dekade (dékade) IB dekad.

dekaden (dékadén) merosot atau mundur (dibandingkan dgn keadaan sebelumnya yg begitu baik);

kedekadenan kemerosotan (nilai, mutu, dsb) berbanding dgn keadaan sebelumnya (bkn tamadun, kesenian, dsb).

dekadensi (dékadénsi) IB kemerosotan (nilai, mutu dsb) atau kemunduran berbanding dgn keadaan sebelumnya (bkn tamadun, kesenian, dsb).

dekagon (dékagon) poligon yg mempunyai sepuluh sisi.

dekagram (dékagram) ukuran berat yg bersamaan dgn sepuluh gram.

dekah, dekahan ketawa dgn suara yg tinggi, ketawa terbahak-bahak: *hilai dan ~ ketawa kakak mengganggu fikiranku; tiba-tiba terdengar dekahan ketawa dr bilik itu;*

berdekah-dekah ketawa (tertawa) dgn suara yg tinggi atau nyaring (kerana terlalu geli hati), terkekeh-kekeh: *kadang-kadang cerita itu begitu lucu sehingga kami ketawa ~.*

dekahedron (dékahédron) bongkah yg mempunyai sepuluh permukaan yg rata.

dekak Pl pandai, bernasib baik.

dekak-dekak sj alat hitung orang Cina atau Jepun yg berupa pemidang dgn bola-bola atau butir-butir kecil (yg digerak-gerakkan sewaktu membuat perkiraan), sempoa.

dekaliter (dékaliter) ukuran isi padu yg bersamaan dgn 10 liter atau 0.01 meter padu.

dekam; berdekam, mendekam **1.** duduk bersedia utk melompat (menerkam), duduk spt kucing (harimau) ketika hendak menangkap mangsanya, bertelut; **2.** bp selalu berada di rumah, tinggal lama di satu-satu tempat, berpengap, meringkuk: *dlm masa cuti sekolah, dia berdekam di rumah sahaja*; **3.** bp melekat, kekal (dlm ingatan dll): *kemalangan ngeri yg kulihat tempoh hari masih mendekam di kepalaku.*

dekameter (dékaméter) ukuran panjang yg bersamaan dgn 10 meter.

dekan sj tikus buluh, *Rhizomys sumatrensis*; ~ kecil, *Rhizomys pruinosus*; *bagai ~ di bawah pangkal buluh prb seseorang yg pandai menyimpan rahsia.*

dekan (dékan) ketua sesuatu fakulti di universiti.

dekan bunyi spt bunyi burung mencatuk kayu (zink dll): *dr jauh kedengaran bunyi ~ burung yg memecah kedamaian senja kampung Talang;*

berdekan-dekan mengeluarkan bunyi dekan berkali-kali: *burung-burung tukang galak ~ sepanjang malam.*

dekap I → **dakap.**

dekap II Mn dekat, hampir;

mendekap **1.** mendekati **2.** melekat;

mendekapkan mendekatkan;

memperdekap menjadikan lebih dekat, memperdekat.

dekar (dékar); **mendekar** ark bermain pedang;

pendekar **1.** orang yg pandai bermain senjata; **2.** askar dll yg gagah berani, pahlawan.

dekat **1.** tidak jauh jaraknya atau antaranya dr, hampir: *rumahnya ~ dgn kedai; budak itu datang dan duduk ~ saya; Sungai Siput letaknya*

~ sahaja dgn Kuala Kangsar; **2.** hampir (bkn waktu, masa, jumlah, dll): *siang tadi aku tidur ~ sejam lamanya; wang yg dikumpulkannya sekarang ini sudah ~ seribu ringgit*; **3.** bp kata yg menunjukkan tempat, di: *makan ~ rumah kita pun hendak pakai garpu*; **4.** tidak lama lagi, hampir (akan berlakunya sesuatu): *peperiksaan akhir tahun sudah ~*; **5.** rapat (bkn hubungan persahabatan, persaudaraan, dll), karib: *penghulu kampung itu ~ benar dgn anak buahnya; dia itu saudara ~ saya; ~ dapat ditunjal, jauh dapat ditunjuk* prb perkataan atau pengakuan yg dapat dibuktikan kebenarannya; *~ tak tercapai jauh tak berantara* prb sesuatu yg diinginkan tetapi tidak berdaya utk mendapatkannya;

dekat-dekat dekat (tidak jauh) antara satu dgn yg lain, rapat-rapat; **berdekat 1.** berada (duduk dsb) dekat atau hampir (dgn yg lain atau antara satu dgn yg lain): *mereka berdua tidak boleh ~, kalau ~, pasti berlaku pertengkaran*; **2.** sl berhubungan rapat, berapat, berbaik; **3.** ki = **berdekat-dekat, berdekat-dekatan** bergandingan, bercampur: *kesukaan itu selalu ~ dgn kedukaan*;

berdekat-dekat, berdekat-dekatan 1. (berada, duduk, dsb) dekat antara satu dgn yg lain, berapat-rapat: *apabila menonton pertandingan bola sepak di stadium, mereka suka duduk ~*; **2.** ki bergandingan, berdekat;

berdekatan 1. berada atau terletak dekat (dgn sesuatu tempat), berhampiran: *rakit itu kemudiannya dihanyutkan ke dlm sungai yg ~; kejadian rompakan itu telah dilaporkan ke balai polis yg ~*; **2.** = **berdekat-dekatan**; **3.** dekat (dgn sesuatu), berhampiran (dgn);

mendekat 1. pergi (datang) dekat atau hampir ke sesuatu atau kpd seseorang: *basikal penjual mi goreng itu semakin ~*; **2.** hampir tiba atau sampai: *semua penduduk di daerah pedalaman telah*

dipindahkan dgn serta-merta kerana serangan musuh telah ~; 3. mahu berbaik-baik;

mendekati **1.** pergi (datang) dekat kpd, menghampiri (sesuatu atau seseorang), merapati, datang berdekatan dgn: *saya ~ peti radio dan kemudian menutupnya; 2.* hampir tiba pd (masanya dll), menuju ke (waktunya): *setiap saat yg berlalu bererti peperiksaan ~ masanya; 3.* (hendak) berbaik-baik, berhubungan erat dgn: *Amerika Syarikat dan Rusia sama-sama berlumba utk ~ negara-negara yg baru muncul; 4.* hampir mencapai (bkn umur dll): *usianya sudah ~ empat puluh tahun; 5.* mengambil langkah dsb utk melaksanakan tugas dsb atau mengatasi masalah: *ada beberapa cara kita boleh ~ masalah itu; 6.* seakan-akan, hampir menyerupai (menyamai): *gambaran yg ~ kenyataan;*

mendekatkan **1.** meletakkan dsb supaya dekat atau berhampiran dgn, merapatkan, menghampirkan, mendampingkan: *tong itu didekatkannya ke tepi perigi dan kemudian diisinya penuh-penuh dgn air; 2.* menjadikan erat atau rapat (bkn perhubungan antara dua orang dll), merapatkan: *sifat-sifatnya yg demikian itu ~ dia padaku; agama Islam telah ~ bangsa-bangsa tersebut kpd arus intelektual dunia;*

memperdekat menjadikan lebih dekat (rapat, erat, dll), mempererat, merapatkan lagi: *hajat baginda hendak meminang puteri itu, di samping ~ dan mempererat hubungan dua buah negara itu;*

terdekat dekat sekali, paling dekat: *pelabuhan besar negara asing yg ~ dgn Malaysia ialah Singapura;*

kedekatan perihal dekat, kedudukan (letak, keadaan, pertalian, dsb) yg dekat dgn, kehampiran: *pd hakikatnya kesan itu adalah ~*

suasana drama itu dgn realiti; ~ penggunaan bahasanya kpd bahasa sehari-hari;

pendekatan **1.** perihal (perbuatan dsb) mendekati atau mendekatkan: *~ diri kpd Allah;* **2.** kaedah (cara, langkah-langkah, dsb) yg diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas (mengatasi masalah dll): *dlm beberapa aspek, mereka terpaksa berbalik semula kpd ~ yg digunakan ketika mereka mula berusaha meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara mereka.*

dekaton (dékatlon) (Suk) pertandingan utk peserta lelaki yg dilangsungkan selama dua hari, terdiri drpd 10 acara, iaitu lumba lari 100 meter, lompat jauh, lumba lari 400 meter, lontar peluru, lompat tinggi, lari berpagar 110 meter, lempar cakera, lombol bergalah, merejam lembing dan lumba lari 1500 meter.

deket (dékét) Kl melekat (buah-buahan dll).

dekih; mendekih, mendekih-dekih, terdekih, terdekih-dekih tertawa kecil.

dekil Jk selekeh, berdaki, kotor.

deking (déking) IB **1.** bp tempat berlindung, lindungan, perlindungan; **2.** bp cagar: *ketika meminjam wang tempoh hari, tanahnya dijadikan ~;* **3.** bp pelindung, penaung;

dideking **1.** bp dihalangi, disekat; **2.** dilindungi, dinaungi.

dekit; berdekit, berdekit-dekit ketawa kecil: *Midah tidak menjawab pertanyaanku, hanya ketawa ~ sambil menundukkan kepalanya.*

deklamasi (déklamasi) pembacaan sajak dsb dgn irama suara, gaya dan penuh perasaan: *~ sajak;*

berdeklamasi membaca (sajak dll);

mendeklamasikan membacakan (menyampaikan) sajak dll utk didengari: *dia telah ~ sajaknya sejak setahun yg lalu;*

pendeklamasian perihal atau perbuatan mendeklamasikan: ~
sajak;

pendeklamasi orang yg mendeklamasikan sajak, puisi dsb: *beliau juga mendapat pengiktirafan sbg penulis dan ~ puisi tanah air*.

deklarasi (déklarasi) **1.** wang biaya (perjalanan dll); **2.** pernyataan yg ringkas dan jelas (tentang sesuatu).

deknu (déknu) Kl di sana, di sesuatu tempat yg lain.

dekor (dékor) **1.** IB perlengkapan pentas (spt tirai, hiasan, dll) utk pertunjukan sandiwara; **2.** gaya atau keseluruhan alat hiasan yg memberikan wajah tertentu kpd sesuatu tempat (spt bilik, rumah, dsb): *sesuai dgn struktur pembinaannya, ~ banglo berwajah antik ini turut melahirkan imej sebagaimana yg dikehendaki oleh tuannya*.

dekorasi (dékorasi) **1.** hiasan, gambar hiasan; **2.** bintang kehormatan yg dianugerahkan kerana bakti (jasa).

dekoratif (dékoratif) bkn sesuatu yg digunakan sbg hiasan: *pemilihan kata-katanya bukan sbg sesuatu yg ~ ataupun simbolik*.

dekret (dekrét) IB dekri.

dekri (dékri) perintah (undang-undang dll) yg dibuat oleh pihak berkuasa, raja, pemerintah, dll;

~ *mutlak* perintah muktamad drpd mahkamah yg menamatkan atau membubarkan sesebuah perkahwinan sepenuhnya (bkn orang bukan Islam); ~ *nisi* perintah mahkamah supaya sesebuah perkahwinan dibatalkan dlm tempoh masa yg tertentu melainkan ada sebab yg munasabah utk menghalangnya (bkn orang bukan Islam);

mendekrikan memerintahkan: *pemerintah ~ wujudnya satu badan kerajaan yg akan ditubuhkan mengikut bentuk-bentuk tertentu*.

dekron (dékron) → **dakron**.

dekstrin (dékstrin) (Bio) bahan melekit yg digunakan sbg agen pemekat dlm makanan, dan sbg gam.

dekstrosa (dékstrosa) (Ubat) gula yg sering diberikan kpd pesakit secara suntikan ke dlm vena utk mengatasi masalah kekurangan air tubuh atau utk menggantikan cecair dan zat makanan yg hilang semasa pembedahan.

deku; berdeku Jk bertelut, duduk berlutut.

dekuh I = *~dekah* bunyi spt bunyi orang ketawa;

berdekuh = *~dekah* berbunyi spt bunyi orang ketawa.

dekuh II Kl; *putik* ~ masih putik benar (bkn buah-buahan).

dekuk; berdekuk-dekak berbunyi spt bunyi orang berjalan memakai terompah: *Ummu Abdu muncul dgn terompahnya yg ~ bentuk-bentuk tertentu.*

dekunci sj tumbuhan (pokok), temu kunci, *Gastrochilus pandurata*.

dekung → **degung**.

dekus; berdekus, mendekus mengeluarkan bunyi yg menghembus-hembus (bunyi kucing, harimau, dll), mendengus.

dekut bunyi spt bunyi burung punai (tekukur dll);

berdekut mengeluarkan bunyi 'kut' utk memikat burung (ikan dll): *Pak Hamid kaki ~. Pak Hamid tak takut bermalam di hutan;*

mendekut memanggil (burung dll yg hendak dipikat) dgn mengeluarkan bunyi tertentu: *ruak-ruak mesti didekut setiap malam.*

delah sj ikan laut, bangan, merah cina, *Caesio spp.*; ~ *karang* sj ikan laut, pinang-pinang, *Gymnoaesio spp.*

delak → **delik I**.

delamak sj kain (yg bersulam) utk penutup (pembalut) tudung saji.

delan riak kecil yg disebabkan oleh ikan (dlm air).

delap Jw ark tidak tahu malu.

delapan lapan, angka (bilangan) tujuh ditambah satu; ~ *belas* 18; ~ *puluh* 80.

delat; berdelat-delat Ph berkelip-kelip, berkilat-kilat.

delegasi (délégasi) **1.** rombongan yg mewakili sesebuah negara dlm perundingan (persidangan dsb), perwakilan; **2.** tindakan mengamanahkan atau menurunkan hak (kuasa, tugas, tanggungjawab, dsb) kpd seseorang lain (mis kpd penolong dsb); **3.** Id pemindahan wang atau hutang kpd orang lain;

mendelegasikan mengamanahkan atau menurunkan hak (kuasa, tugas dan tanggungjawab, dsb) kpd seseorang lain (mis kpd penolong dsb).

delegat (délegat) IB wakil, urusan.

delemak → **delamak.**

deleman (déleman) → **delman.**

deler (delér) IB anggota Dewan Hindia pd zaman penjajahan.

deli → **delik I.**

delik I sj tumbuhan (pokok), *Memecylon caloneuron*; ~ *air* a) sj tumbuhan (pokok kecil), bangas putih, delima burung, *Memecylon dichotomum*; b) = ~ *bangas* = ~ *putih* sj tumbuhan (pokok kecil), medang nasi-nasi, *Memecylon edule*; ~ *bukit* = ~ *limau manis* = ~ *tembaga* sj tumbuhan (pokok kecil), medang berunit (bunut), *Anisophyllea apetala*; ~ *jambu putih* sj tumbuhan (pokok renek), api-api hutan, kelat batu, *Memecylon coeruleum*.

delik II Jw; **mendelik** terbuka luas (spt mata orang yg memandangi dgn marah), membelalak (bkn mata), menyalang: *dekat mereka terdiri mandurnya, masing-masing dgn tongkat semambu sambil mata ~, kumis melintang di atas bibirnya*;

mendeliki memandangi dgn mata terbelalak pd.

delik (délik) IB perbuatan yg melanggar undang-undang; *kena* ~ bp didakwa kerana melanggar undang-undang.

delima sj tumbuhan (pokok renek), *Punica granatum*;

~ *burung* sj tumbuhan (pokok renek), daun pekan, delik air, *Memecylon dichotomum*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), cempaka tanjung, *Gardenia tubifera*;

~ *merekah* warna bibir yg elok; *batu* ~ sj permata (berwarna merah muda); *warna* ~ warna merah muda; *spt daun* ~ dgn bunganya prb hidup yg tidak berguna.

delinggam → **sedelinggam**.

delinkuen (délinkuen) bersikap melanggar undang-undang (yg tidak serius) atau melakukan perkara yg tidak diterima masyarakat.

delman (déلمان) sj kereta kuda yg beroda dua.

delta (déلتا) I lanar yg berbentuk segi tiga di muara sungai: *di kuala sungai itu terjadi suatu ~ bertentangan dgn Pulau Trinidad*.

delta (déلتا) II huruf keempat dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Δ , δ .

deltiologi (déلتiologi) pengumpulan dan kajian tentang poskad.

deluang → **jeluang**.

delujur jelujur.

delung ark; **mendelung** cengkung atau lekuk (bkn mata).

delusi (déلusi) pendapat (idea, kepercayaan, dll) yg silap atau mengelirukan: *dia mengalami ~ kebesaran*.

delut → **jelut**.

dem bp timbunan kereta rosak atau tua.

dema (déما) Pr mereka (semua).

demagog (démagog) pemimpin politik yg cuba mendapatkan sokongan orang ramai melalui ucapan dan hujahnya yg penuh emosi tetapi tidak munasabah atau tidak rasional.

demagogi (démagogi) kaedah atau amalan penguasaan politik dgn membangkitkan atau mengapi-apikan perasaan rakyat secara yg tidak rasional: *masyarakat yg dipimpin oleh seseorang pemimpin yg menguasai fahaman ~ akhirnya mencetuskan Perang Dunia Kedua.*

demah I benda (spt pasir, air, dll yg dipanaskan) utk menuam bahagian badan yg sakit;

mendemah menekankan demah pd bahagian badan yg sakit, menuam: *pd malam itu juga kaki yg bengkak itu didemah dan diurut.*

demah II Kd tumbuh.

demam 1. penyakit yg menyebabkan suhu tubuh melebihi suhu biasa; **2.**

kenaikan suhu tubuh yg melebihi suhu biasa: *semalam saya ~, saya tidak pergi kerja; 3.* ki keghairahan utk sementara waktu: *~ pop enam puluhan;*

~ berselang (berlat, berganti hari) demam yg tidak terus-menerus;

~ cupak Kl demam tubuh tetapi pesakit masih berselera utk makan;

~ denggi demam akibat virus yg disebarkan melalui gigitan nyamuk *Aedes*;

~ denggi berdarah demam denggi yg berbahaya (boleh membawa maut);

~ dingin (gigil, ketar, sejuk)

demam kerana penyakit malaria (menyebabkan badan terasa sejuk dan menggigil);

~ kepialu demam kerana sj penyakit yg disebabkan oleh kuman dlm makanan atau air yg kotor;

~ ketulangan demam yg disertai oleh rasa sengal-sengal tulang;

~ kuning sj penyakit berjangkit yg menyebabkan warna badan penghidapnya menjadi kekuning-kuningan (kerana sakit pd hempedu);

~ merah sj penyakit berjangkit yg disebabkan bakteria *Streptococcus pyogenes* yg dicirikan dgn demam, sakit kerongkong, sakit kepala dan bintik-bintik merah pd kulit;

~ panas

demam dgn suhu badan yg tinggi; ~ *puyuh* demam pura-pura (bukan sebenarnya demam); ~ *reumatik* penyakit yg menyebabkan demam serta bengkak dan rasa sakit pd sendi; ~ *selesema* (*sese-sesa*) demam yg menyerang saluran-saluran pd paru-paru dan menyebabkan pesakit berasa kesejukan dan selalu mengeluarkan hingus, influenza; ~ *skarlet* demam merah;

mendemamkan menyebabkan (menjadikan) demam, membuat (seseorang) demam: *esoknya Jamilah bertandak-tandak pula sambil memomokkan mukanya herot-merot*, ~ *budak-budak* yg *memandang*;

terdemam, terdemam-demam menjadi (kena) demam: *kanak-kanak itu ~ selepas menonton filem cerita hantu*.

deman Jw ark demen.

demang 1. ketua daerah; **2.** sl gelaran ketua daerah: *D~ Lebar Daun*.

demap ark pelahap, gelojoh, pajuh, rakus.

demarkasi (demarkasi); *garis* ~ garis sempadan yg memisahkan dua daerah yg dikuasai oleh angkatan tentera yg bermusuhan.

dembam bunyi spt bunyi buah nyiur jatuh dsb;

berdembam jatuh dgn berbunyi dembam.

demberang, demberangan bunyi spt bunyi tembakan senapang (bedil dsb).

dembun bunyi spt bunyi benda berat jatuh (bunyi menepuk tilam dll);

berdembun, berdembun-dembun berbunyi spt bunyi benda berat jatuh.

demdem sj peluru yg boleh menyebabkan maut atau cedera parah;

dumdum.

demek Jk belum kering benar, lembap.

demen Jw rasa suka akan seseorang atau sesuatu spt muzik, memancing dsb.

demi **1.** sebaik sahaja (didengar, dilihat, dll), pd ketika: *dia jatuh pengsan ~ didengarnya berita kemalangan yg menimpa anaknya;*
2. dengan, atas (nama Tuhan dll, diucapkan sewaktu bersumpah, berikrar, dsb); *~ Allah, saya berkata benar;* **3.** kerana, untuk: *~ kepentingan dan kebajikan rakyat, maka berbagai-bagai rancangan pembangunan yg besar dijalankan;* **4.** yg satu (seorang) mengikuti yg lain, lepas (satu atau seorang diikuti pula oleh yg lainnya); *dilihat dan ditiliknya gambar itu, satu ~ satu;*
berdemi; *~ Allah bersumpah dgn (atas) nama Allah.*

demi-finale IB setengah (separuh) akhir (bkn pertandingan, perlawanan dsb).

demik Mn; **mendemik** menampar (menepuk) dgn tapak tangan.

demikian begitu, begini, seperti itu (ini); *~lah halnya begitulah halnya; oleh yg ~ oleh (hal) yg begitu; dlm ~ itu ketika itu; tak ~ mahal tidak begitu mahal;*

sedemikian seperti (sebagai) itu, sebegitu: *Esah telah bertahun hidup ~; kalau ~ indah kalau sebegitu indah.*

demiliterisasi (démiliterisasi) pembebasan drpd hubungan-hubungan (sifat-sifat dll) ketenteraan, penarikan tentera drpd sesuatu daerah dll (utk menjadikannya bebas drpd kekuasaan dsb tentera);

mendemiliterisasikan membebaskan drpd hubungan-hubungan (sifat-sifat dll) ketenteraan (bkn pemerintahan, pentadbiran, wilayah dll).

demis pipih (bkn hidung).

demisioner (démisionér) IB yg sudah tamat tempoh perkhidmatan tetapi masih bertugas, sementara menanti ganti (bkn kabinet dll).

demit = **dedemit** orang halus, orang bunian.

demo (démo) **I** ark sj kereta yg beroda tiga.

demo (démo) **II** Kl awak.

demo (démo) **III** bp demonstrasi.

demobilisan (démobilisan) bekas anggota askar yg telah ditamatkan perkhidmatannya.

demobilisasi (démobilisasi) penamatan perkhidmatan (bagi tentera yg dikerah ketika perang);

mendemobilisasikan menghapuskan (menamatkan) pengerahan tentera, menghentikan (menamatkan perkhidmatan) tentera yg dikerah ketika perang.

demografi (démografi) kajian tentang ciri-ciri perkembangan penduduk (dr segi saiz, kepadatan, taburan, kelahiran, kematian, dsb) dlm tempoh waktu tertentu: *faktor ~ menyebabkan orang lambat-laun berusaha memperoleh kerja.*

demokrasi (démokrasi) **1.** pemerintahan oleh rakyat atau wakil yg dipilih dlm pilihan raya; *~ berparlimen (perwakilan)* pemerintahan demokrasi yg dijalankan secara perwakilan; **2.** unit politik atau sosial yg pd dasarnya dikuasai oleh semua anggotanya; **3.** keadaan sosial tanpa perbezaan keistimewaan kelas;

berdemokrasi mengamalkan atau berasaskan prinsip-prinsip demokrasi;

mendemokrasikan menjadikan berdemokrasi, menjadikan sesuatu berasaskan demokrasi;

pendemokrasian perihal (tindakan, proses, dsb) mendemokrasikan: *~ pilihan raya; ~ pendidikan* peluang mendapat pendidikan bermutu.

demokrat (démokrat) penyokong demokrasi atau prinsip-prinsip demokratik.

demokratik (démokratik) **1.** dicirikan dgn, terbit drpd, berkaitan dgn prinsip-prinsip demokrasi; **2.** menjunjung atau menyokong demokrasi atau kepentingan rakyat biasa;

mendemokratikkan menjadikan demokratik.

demokratis (démokratis) Id demokratik.

demonstran (démonstran) IB penunjuk perasaan.

demonstrasi (démonstrasi) **1.** penerangan, peragaan, dll tentang cara kerja sesuatu mesin, keluaran, dll; **2.** tunjuk perasaan dgn cara berkumpul beramai-ramai, berarak, dll: *para pelajar membuat kacau dan mengadakan ~;*

berdemonstrasi menunjuk perasaan (kerana memprotes dll);

mendemonstrasikan menunjukkan serta menerangkan cara menggunakan sesuatu (spt mesin, alat solek, dll) atau cara-cara melakukan sesuatu;

pendemonstrasian proses atau perbuatan mendemonstrasikan sesuatu: *~ itu memang mustahil dilakukan pd waktu ini.*

demonstratif (démonstratif) cenderung melahirkan perasaan sendiri: *dia seorang yg ~.*

demonstrir (démonstrir) IB; **mendemonstrir** mendemonstrasikan.

demoralisasi (démoralisasi) IB kemerosotan atau kejatuhan taraf akhlak.

dempak I **1.** tidak runcing atau tidak lancip (bkn haluan perahu, topi, rumah, dll); **2.** pepat, lebar bilahnya (bkn pisau dll); **3.** bongkok, gemuk pendek (bkn tubuh badan dll).

dempak II; berdempak bertembung, bersua, bertemu: *apabila ~, Jamilah menegur dan Busu pun terhenti.*

dempang I bunyi spt bunyi benda kosong (tong dll) jatuh;

berdempang-dempang **1.** berbunyi (beberapa kali) spt bunyi tong kosong jatuh; **2.** ki berbual, berborak.

dempang II damping, rapat, dekat: *maka bahtera itu pun ~ ke pulau.*

dempek (dépék) menumpang (naik) kereta (basikal dll).

dempet (dempét) Jk; **berdempet** berapat-rapat, berhimpit(-himpit), terlalu dekat (berdampingan);

kedempet terhimpit, tersepit.

dempet (démpét) rapat melekat spt pisang kembar;

berdempet berapat-rapat, berdekatan-dekatan, berdampingan, berhimpit;

mendempetkan mendekatkan rapat-rapat, merapatkan hingga bertemu (bercantum, melekat): *dia ~ pipinya ke pipi budak itu;*

terdempet dlm keadaan berdempet, terlekat: *dia sudah bersiap hendak ke situ dgn parangnya ~ di pinggangnya.*

dempir bunyi yg nyaring spt bunyi canang dll.

dempit kepit, sepi, rapat; ~ *tidak bersanggit, ditambat tidak bertali* prb lelaki perempuan yg bersekedudukan dgn tidak bernikah.

dempuk; berdempuk berlanggar (dgn), bertumbuk (dgn);

terdempuk terlanggar (pd), tertempuh (pd), terhantuk (pd): *bahunya ~ pd pintu istana.*

dempul gala-gala yg biasanya diperbuat drpd campuran kapur dan minyak jarak (utk menutup lubang pd kayu dll);

mendempul menutup lubang (celah) dgn dempul.

dempung bunyi spt bunyi benda jatuh ke air dsb.

demuduk sj ikan laut, berkas, *Carangoides spp.*

demukut Kd temukut.

demut; terdemut-demut perlahan-lahan (bkn gerakan, gerak-geri), lambat-lambat, terembut-embut (gerakan nafas dll), terkemut-kemut.

den (dén) I Jw singkatan bagi raden.

den (dén) II Mn aku, saya.

dena (déna) → **dina** II.

denah (dénah) I rajah, bagan, peta.

denah (dénah) II; *hantu* ~ sj hantu yg menyebabkan kaki menjadi bengkok.

denai bekas jejak binatang di hutan (semak, belukar, dll): ~ *babi*; ~ *gajah*; *ikut* ~ berjalan mengikut jejak binatang;

bagai anjing melintang ~ prb seseorang yg sombong (gembira);

bagai ~ *gajah lalu* prb kerosakan yg besar;

berdenai mempunyai denai: *lereng bukit* yg ~.

denak 1. burung atau binatang pemikat (utk menarik burung atau binatang yg hendak diperangkap dsb), umpan: *Dolah batuk menguku-nguku macam* ~ *tekukur melawan*; *ayam* ~ a) ayam hutan; b) ayam katik; ~ *penunggul* (burung) pemikat yg dilekatkan pd tunggul kayu; *spt* ~ *mencari lawan* prb seseorang yg gagah dan berani. **2.** Kd telur yg digunakan utk mengumpan ayam supaya bertelur.

dencang bunyi yg bergemerencang (spt bunyi pedang yg bersentuhan).

dencing → **decing, denting.**

denda 1. hukuman berupa wang, sejumlah wang yg (mesti) dibayar (kerana telah melakukan sesuatu kesalahan spt melanggar peraturan, undang-undang, dll): *setelah membayar* ~, *orang itu dilepaskan*; **2.** hukuman (biasanya berkaitan dgn kesalahan yg agak kecil): ~ *atas murid yg datang lambat*;

mendenda 1. menjatuhkan (mengenakan) denda, menghukum dgn memutuskan supaya yg bersalah membayar sejumlah wang: *mahkamah berkuasa menghukum atau* ~ *orang-orang yg didapati bersalah*; **2.** menghukum (biasanya berkaitan dgn kesalahan yg agak kecil): *ayahnya* ~*nya kerana kecuaiannya itu*; *didenda dgn emas yg habis, dipancung dgn pedang yg hilang* prb denda pd nama sahaja, yg dikehendaki hanyalah perdamaian;

dendaan 1. hukuman berupa wang, denda: ~ *hakim itu sangat berat*; **2.** wang yg dibayar sbg memenuhi hukuman, wang dr

denda: *tiap-tiap ~ yg dikutip dijadikan sebahagian drpd hasil negeri;*

pendendaan perihal (perbuatan) mendenda.

dendalu → **dedalu**.

dendam 1. = ~ *berahi* perasaan cinta dan kasih yg amat sangat terhadap seseorang: *Si Bidin rupanya ada menaruh ~ pd Esah;* **2.** = ~ *hati* perasaan (keinginan) hendak membalas perbuatan seseorang (biasanya perbuatan jahat): *orang duduk di kampung memang tolong-menolong, tidak boleh menaruh ~;*

~ *benci* = ~ *kesumat* rasa dendam dan benci yg mendalam; *membalas ~* = *melepaskan* ~ melakukan sesuatu yg tidak baik sbg membalas kejahatan seseorang dan memuaskan dendam hati yg terpendam; *menaruh ~* menyimpan (memendam) perasaan ingin membalas perbuatan jahat seseorang; *rindu ~* perasaan rindu yg amat sangat;

berdendam menaruh dendam: *Karim memang sudah lama ~ hendak membinasakan Pak Sudin;*

berdendam-dendaman saling menaruh dendam;

mendendam, mendendami menaruh dendam pd: *Panglima Hitam tidak berkata apa-apa sebab ianya ~ Portugis yg digelarnya lanun itu;* *dendam ~* saling menaruh dendam;

dendam-mendendam saling mendendami;

mendendamkan menaruh dendam mengenai sesuatu hal (perbuatan dsb): *orang-orang itu sudah lama ~ hal orang-orang berasmara di tempat itu;*

dendaman perasaan dendam: *tidak pula timbul ~ dlm hatinya terhadap orang yg mengkhianatnya;*

kedendaman perasaan dendam, dendam: *~nya terhadap gadis itu makin mendalam;*

pendendam (orang yg) suka berdendam, (orang yg) suka menaruh dendam: *budak itu bukan sahaja seorang yg degil tetapi juga seorang yg ~.*

dendan → **dandan I & II.**

dendang I sj burung, gagak, *Corvus macrorhynchos*;

~ laut sj burung, *Sula leucogaster*; burung ~ air = ~ laut sj burung, kosa, *Phalacrocorax carbo*; ~ (meng)gonggong telur prb perempuan hodoh berpakaian cantik; **dandang III.**

dandang II 1. sj kumbang yg hitam, *Cantharis hirsticornis*; **2.** sj kumbang yg perang kemerah-merahan, *Illectica testaceae*.

dandang III → **dandang II.**

dandang (déndang) nyanyian (lagu yg dinyanyikan) utk bersuka-suka atau menghiburkan hati; *dgn ~ ki dgn mudah sahaja*;

berdendang, berdendang-dendang bernyanyi (berlagukan) dendang, bernyanyi (-nyanyi) utk bersenang-senang hati: *mereka terus ~ dan berpantun*;

orang ~ di pentasnya, orang beraja di hatinya prb tiap-tiap orang berkuasa di tempat masing-masing; *sambil ~ biduk hilir* prb membuat dua tiga pekerjaan dgn sekali gus;

mendendangkan menyanyikan dendang (utk bersuka-suka hati), menyanyikan (lagu yg menghiburkan): *suara burung hantu bersahut-sahutan di tengah rimba ~ lagu disahuti dgn suara pungguk yg lanjut sayu; kedengaran di radio, biduan P. Ramlee sedang ~ lagu “Merak Kayangan”*;

dendangan (lagu dsb) yg didendangkan oleh seseorang: *lagu merdu ~ biduanita Saloma*.

dendeng (déndéng) I daging tipis yg dirempahi dan dikeringkan: ~ *daging rusa*;

mendendeng membuat dendeng.

dendeng (déndéng) **II**; **mendendeng** **1.** menayangkan atau menunjukkan (gambar, surat, dll) tetapi tidak diberi pegang: *dia ~ gambar kawannya kpd saya*; **2.** melindungi (menutupi) dgn sesuatu benda yg lebar;

terdendeng tertayang atau tergantung (bkn gambar, cermin, dll): *gambaranya ~ di dinding bilik tidurnya.*

denderam **I** sj tumbuhan (pokok), meneram, mengeram, neram, *Dipterocarpus oblongifolius.*

denderam **II** sj kuih yg dibuat drpd tepung beras dan gula melaka, dibentuk spt roda atau bulat leper yg berlubang di tengah, peniaram.

dendrokronologi (déndrokronologi) pentarikan umur sesuatu pokok dgn menghitung gelang pd keratan rentas batang pokok berkenaan.

dendulang sj tumbuhan (pokok renek); → **dulang** **IV.**

dener (dénér) Kl keadaan yg basah (berair, lembap, dll), berair, basah.

dengak ark; **terdengak** terdongak (kepala).

dengan **I** **1.** (ber)serta, bersama, disertai (oleh), ditemani (oleh): *saya pergi menonton wayang ~ adik saya; seorang tua ~ anaknya sekali telah mati terbunuh*; **2.** kata yg digunakan utk menunjukkan cara sesuatu itu dilakukan (dicapai dll) atau alat dsb yg digunakan: *Ahmad membelah durian ~ parang; kerja ini dapat diselesaikan ~ kerjasama yg erat drpd semua pihak; menambah ilmu pengetahuan ~ membaca*; **3.** melawan, menentang: *bergaduh ~ adiknya; berperang ~ musuh*; **4.** kata yg menunjukkan atau menyatakan keadaan (gaya dsb): *Ahmad menerima hadiah itu ~ terketar-ketar; menjerit ~ sekuat hati; menghadapi masalah ~ tenang*; **5.** oleh, kerana, atas; *~ nama Allah atas nama Allah; ~ yg demikian oleh yg demikian*; **6.** kata utk menyatakan hubungan kesesuaian (kecocokan, keselarasan, dsb): *tindakan yg diambil*

sesuai ~ keadaan; sependapat ~ saya; 7. kata yg menjelaskan sesuatu perolehan (pencapaian dsb): ramai pelajar yg lulus ~ mendapat gred dua; 8. kata yg menunjukkan tumpuan sesuatu perbuatan (sikap, pernyataan, dll): Sukor akan berbincang ~ dia sebelum membuat keputusan; barangkali demikian juga halnya ~ cerpen-cerpen di dlm Rintisan; 9. bp pada: ~ dia semua boleh.

dengan II 1. sl sahabat, kawan, teman; **2.** Mn, sl hamba, sahaya: *Datuk Bendahara itu banyak sungguh ~nya; 3. sl saya, aku.*

dengap; berdengap 1. berdenyut kencang (bkn jantung), berdebar: *selepas berlari berkeliling padang itu beberapa kali, jantungnya mulai ~; 2.* sesak nafas;

mendengap mendenyut-denyut (bkn jantung dll): *kepalanya ~ selalu.*

dengar; panggil tak ~ ki jauh (sekali); *corong ~* Id corong alat mendengar; *salah ~* salah menangkap (percakapan, kata-kata yg dituturkan, dll);

dengar-dengar menurut khabar yg diterima, menurut yg diketahui: *~nya Idah selalu bergaduh di sana; ~ angin* menurut khabar angin;

berdengar Mn didengar(kan), dipedulikan, diturut(kan);

mendengar 1. menangkap (bunyi, suara) dgn telinga: *pd mulanya dia tidak ~ orang mengetuk pintu; 2.* mendapat (khabar, berita, dll), mendapat tahu: *setelah ia ~ khabar Raja Iskandar datang, maka Raja Kida Hindi pun menghimpunkan segala rakyat dan raja-raja; 3.* memberikan perhatian kpd kata-kata dsb seseorang (utk mengikutnya, mempertimbangkannya, dsb), mempedulikan, mengikut (kata, suruhan, dll): *kerana si isteri ~ hasutan orang, kedamaian rumah tangga tidak terdapat di rumahnya; ~, mengingat (menimbangkan) memutuskan* Id (digunakan berkaitan

dgn) proses membuat sesuatu keputusan (resolusi); *dengar cakap enggang, makan buah beluluk, dengar cakap orang, terjun masuk lubuk* prb hendaklah berfikir dahulu sebelum membuat sesuatu pekerjaan, jangan mendengar cakap orang; *didengar ada, dipakai tidak* prb tidak mengikut nasihat;

mendengarkan, mendengari **1.** mendengar akan (sesuatu): *fikiran Khatijah semakin terang apabila ~ suara takbir memuji Tuhan; kemudian Datuk Ujang menceritakan kisah yg pernah didengarnya drpd seorang komunis yg ditawan;* **2.** mengendahkan, mempedulikan, mengikutkan (nasihat, bujukan, dll): *jangan kamu dengarkan sangat cakap orang;*

memperdengarkan **1.** melakukan sesuatu (spt memainkan alat muzik, menyanyikan lagu, dsb) supaya didengar oleh orang lain, menyiarkan (lagu dsb) melalui radio: *Hamzah sering diundang utk ~ gesekan biolanya dlm majlis yg besar-besar;* **2.** menyiarkan (mengemukakan dsb) supaya diketahui umum atau orang lain: *keluhan para isteri tentang kelakuan suami yg keterlaluan banyak sekali diperdengarkan menerusi majalah;*

terdengar **1.** (sudah) didengar: *apabila ~ oleh Pak Pandir bunyi itu, ia pun lari lintang-pukang;* **2.** dapat (boleh) didengar: *sebelum dia masuk, ~ olehnya bunyi orang mencuci baju;* **3.** ki sanggup (tahan) didengar: *tenarlah bunyi sumpah seranahnya akan Pak Pandir, hingga tiada ~ oleh anjing dan kucing;* **4.** didengar, diketahui: *berita itu sudah ~ merata-rata;*

terdengar-dengar seolah-olah (masih) mendengar, seolah-olah belum luput dr telinga;

dengar-dengaran **1.** mempedulikan, mengendahkan, mendengar (menerima, menurut, percaya, dsb): *jangan tuanku ~ akan sembah orang yg tiada sebenarnya;* **2.** perasaan seolah-olah mendengar

(sesuatu), perasaan spt terdengar-dengar: *cuma ~ saya sahaja agaknya;*

kedengaran 1. (dapat) didengar, terdengar: *dr jauh ~ bunyi loceng sayup-sayup dibawa angin;* **2.** diperoleh berita, diketahui: *setelah ~lah ke benua Siam, maka paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah;*

pendengaran 1. pancaindera utk mendengar, alat mendengar (seluruh bahagian telinga): *kalau ~ rosak, tentu tidak boleh mendengar lagi;* **2.** perihal mendengar(kan), apa yg dapat didengar: *Kak Bedah mengangkat kepalanya utk menjelaskan ~nya;*

pendengar 1. alat (perkakas, benda) utk mendengar(kan); **2.** orang yg mendengar (bunyi, percakapan, dsb): *~ radio;* **3.** = **pendengaran** pancaindera utk mendengar; **4.** Id mahasiswa tidak berdaftar tetapi mengikuti (mendengar sahaja) kuliah-kuliah.

denggi (dénngi) = *demam* ~ penyakit virus yg berjangkit melalui gigitan oleh nyamuk *Aedes*, yg dicirikan dgn sakit kepala, demam, sakit pd sendi dan ruam.

dengih bunyi spt bunyi orang menahan kesakitan (biasanya senak perut), bunyi spt orang sesak nafas;

terdengih-dengih kembang kempis dadanya (spt orang yg memikul barang yg sangat berat), mengeluarkan bunyi dengih.

dengik I dengih.

dengik II Jw; **mendengik** memandang dgn mengeluarkan kepala (di jendela dsb), menjenguk.

denging, dengingan bunyi dengung yg halus: *dengarkah detak nadiku bagai ~ jutaan lebah?*

berdenging, mendenging, mendenging-denging berbunyi denging di telinga (sebab percakapan yg pedas-pedas dll):

berdenging-denging telinga Pak Haji Samad mendengar sindiran orang-orang muda itu.

dengkang bunyi spt bunyi katak; *si dengkang* sl ark katak: *si ~ berbunyi malam;*

berdengkang-dengkang **1.** berbunyi spt bunyi katak; **2.** (tertawa dgn) berdekah-dekah (kuat): *nakhoda tertawa ~.*

dengkang (dénkang); *~dengkol* bengkok-bengkok (tangan, pokok, dll).

dengkel (dénkél) **1.** tidak berisi (buah-buahan spt durian dll), kering, tidak berair (bkn buah-buahan); **2.** kaku atau bengkok pd buku lali.

dengket (dénkét) Pl berjalan dgn sebelah kaki.

dengki **1.** = **kedengkian** kebencian (kemarahan) kerana perasaan cemburu atau iri hati yg amat sangat, niat jahat yg terpendam terhadap seseorang (disebabkan perasaan iri hati): *tiada aku mengadakan segala perkataan ini oleh sebab ~; difitnahkannya pemuda itu kerana ~nya;* **2.** = **berdengki** menaruh perasaan benci (niat jahat dsb) terhadap seseorang kerana cemburu atau iri hati yg amat sangat: *apalah gunanya kita ~ sesama kita;*

berdengki-dengkian saling berdengki;

mendengki dengki pd (terhadap), menaruh kebencian (niat jahat) terhadap seseorang (kerana berasa iri hati yg amat sangat): *tidak ada gunanya kamu ~ kawan-kawanmu sendiri;*

dengki-mendengki saling berdengki: *semua penduduk Madinah tidak harus bermusuh-musuhan dan ~ antara satu sama lain;*

pendengki (orang yg sifatnya) suka mendengki: *Ahmad itu ~ sungguh orangnya.*

dengkik **1.** kedengkik, sangat kurus, kurus kering (dan lemah); **2.** tidak dalam (bkn pengetahuan), cetek.

dengking bunyi spt bunyi salakan anjing kesakitan (kerana dipukul dsb);

berdengking, mendengking menjerit atau berteriak (spt salakan anjing);

mendengking-dengking mendengking berulang kali: *anjing itu ~ kesakitan apabila terkena balingan batu.*

dengkis sj ikan laut, *Siganus spp.*;

~ *gebang* sj ikan laut, *Acanthurus dussumierii*; ~ *lada*, *Siganus jarus*.

dengkol (déngkol) **1.** bengkok (lengan dll), cengkol; **2.** ki telur, pelat.

dengkot (déngkot) pendek sebelah kakinya (kerana cacat, cedera dsb) sehingga menyebabkannya berjalan terhincut-hincut, tempang: *kaki kanannya ~ sedikit akibat kemalangan kereta yg dialaminya itu;*

berdengkot-dengkot berjalan terhincut-hincut kerana dengkot, berjengkot: *lelaki itu ~ mengheret kakinya;*

terdengkot-dengkot (berjalan) dgn keadaan kaki yg dengkot, terhincut-hincut: *orang itu ~ berjalan ke gigi air utk mengutip bola.*

dengkul I ark → **dengkol.**

dengkul II Jw lutut;

mendengkul melutut, berlutut.

dengkul III Jw, bp bohong, dusta, palsu;

berita (khabar, radio) ~ bp berita palsu; modal ~ bp modal pd cakap sahaja, modal kosong; saksi ~ saksi yg palsu.

dengkung bunyi kung kung (bunyi spt bunyi jeritan anjing yg dipukul atau bunyi besi dipalu dll);

berdengkung, mendengkung berbunyi kung kung, mengeluarkan bunyi dengkung;

berdengkung-dengkung berdengkung (berbunyi dengkung) berulang kali.

dengkur 1. bunyi spt bunyi nafas yg kuat (dr orang yg sedang tidur), keruh; **2.** bunyi kur kur (kerana kesakitan yg amat sangat): *terdengar bunyi orang tersungkur jatuh di hujung tangga diikuti ~ yg kuat;*

berdengkur, mendengkur 1. mengeluarkan dengkur (ketika tidur), berkeruh, mengeruh: *tidur ~;* **2.** tidur dgn nyenyaknya serta mengeluarkan (bunyi) dengkur: *apabila ayam berkokok kencang, aku sudah jaga, tetapi Mustapha masih ~;*

dengkuran dengkur, bunyi mendengkur: *Fauzi dgn mulutnya ternganga, melepaskan ~ pula spt bunyi harimau menantikan mangsanya.*

dengkus bunyi spt bunyi menarik (menghembuskan) nafas dgn hidung;

berdengkus, mendengkus mengeluarkan bunyi dengkus.

dengkut → dengkur, dengut I.

dengu → dungu.

denguh → lenguh I.

denguk; terdenguk tergerak-gerak ke kiri ke kanan dsb (kepala lembu, kerbau, dll) ketika makan rumput.

dengung bunyi yg bergema spt bunyi kumbang (kapal terbang, gong yg dipalu, dll);

berdengung, berdengung-dengung, mendengung berbunyi (bersuara) bergema: *motokar meluncur berdengung-dengung;*

mendengungkan 1. mengeluarkan bunyi dengung (bunyi bergema): *gong yg dipalu itu pun ~ bunyi yg memekakkan telinga;*

2. = mendengung-dengungkan ki menghebah-hebahkan, menyebarkan (berita): *pihak musuh sering mendengung-dengungkan keburukan yg berlaku dlm negeri kita;*

dengungan 1. bunyi yg berdengung (mendengung), dengung: *~ pukulan gong sayup-sayup kedengaran dr tempat kami;* **2.** bp

propaganda, diayah: *segala ~ yg dilaungkan oleh pihak musuh tidak memberi bekas apa-apa kpd kita.*

dengus bunyi hembusan nafas yg kuat (spt bunyi hembusan nafas lembu, kerbau, dll): *kantuknya masih menyerkap seluruh anggotanya, kuapnya spt ~ lembu jantan;*

berdengus, mendengus **1.** mengeluarkan bunyi spt bunyi hembusan nafas lembu (kerbau dll); **2.** menghembuskan nafas dgn kuat (berbunyi); **3.** melahirkan perasaan marah (menghina dsb) dgn dengus: *apabila kecil menyembah-nyembah hendak meminta wang, apabila besar bapak sendiri dianggap sepi, Pak Sudin ~.*

dengut I bunyi yg bergema memanjang (spt bunyi burung puyuh, gong yg dipalu, dll): *~ puyuh bersahut-sahut di dalam lembah;*

berdengut, mendengut, terdengut mengeluarkan bunyi dengut, berbunyi dengut (bkn puyuh, gong yg dipalu, dll).

dengut II Kl tidak cergas (akal fikiran), lambat menangkap ajaran, dll.

denim sj kain kapas tahan lasak, biasanya berwarna biru, yg digunakan utk membuat jean dsb: *seluar ~.*

dening Kl; **sedening** sepasang (lembu, kerbau, dll).

denitrifikasi (dénitrifikasi) proses penyingkiran nitrat atau nitrogen, mis penyingkirannya drpd tanah oleh tumbuh-tumbuhan.

denotasi (dénotasi) (Lin) **1.** makna eksplisit sesuatu perkataan, lwn konotasi; **2.** hubungan semantik antara satuan bahasa dgn benda (simbol dll).

denotatif (dénotatif) (Lin) berkaitan dgn denotasi: *simbol tersebut mempunyai kuasa ~.*

densimeter (dénsiméter) alat utk mengukur ketumpatan.

densiti (dénsiti) ukuran kepadatan, ketumpatan.

dentam bunyi spt bunyi besi dipukul (pintu ditutup dgn kuat, mercun dibakar, dll); *~-dentum* bunyi dentam yg berulang-ulang;

berdentam berbunyi dentam: *pintu itu tadi ~ ditiup angin;*

dentaman bunyi dentam.

dentang; dentangan bunyi spt bunyi besi dipukul (letupan yg kuat dll);

berdentang berbunyi spt bunyi besi dipukul dll: *sungguh geram hati Baki, ~ botol ubat itu dilemparkannya ke dalam tong sampah;*

berdentang-dentang berbunyi dentang berkali-kali.

dentin (déntin) (Ubat) bahan berkapur seakan-akan tulang keras yg mengelilingi rongga pulpa gigi dan membentuk sebahagian besar struktur gigi.

denting; dentingan bunyi spt bunyi duit syiling jatuh ke batu dll;

berdenting berbunyi ting spt bunyi duit syiling jatuh ke batu.

dentum bunyi spt bunyi meriam atau bom dll (lebih kuat drpd dentam);

berdentum berbunyi spt bunyi meriam dll: *dia terperanjat apabila mendengar petir ~;*

berdentum-dentum berbunyi dentum berulang kali: *bunyi meriam ~ diselangi oleh bunyi senapang yg menggerutup;*

dentuman bunyi dentum (spt bunyi meriam): *kami diberi kesempatan utk berehat, tetapi telinga kami dipekakkan oleh ~ meriam;*

berdentuman saling berdentum: *guruh ~, sesekali kilat sabung-menyabung.*

dentung bunyi spt bunyi guruh (tong atau gendang dipalu dll);

berdentung berbunyi spt bunyi guruh dll;

berdentung-dentung berbunyi dentung berulang kali: *terdengar lagu Melayu asli dr gesekan biola dan ditingkah pula dgn gendang ~.*

dentur bunyi spt bunyi letupan kecil.

dentur (déntur) (Ubat) gigi palsu.

denyar; berdenyar mengilat (cahaya), memancar;

denyaran kilat cahaya yg bergerak dgn cepat.

denyut gerakan turun naik atau kembang Kempis (nadi, jantung, ubun-ubun, dll); ~ *jantung* gerakan kembang Kempis atau debaran jantung; ~ *nadi* gerakan nadi;

berdenyut, mendenyut bergerak turun naik atau kembang Kempis (spt gerakan nadi, ubun-ubun, jantung, dll): *apabila jantung itu ~, maka darah pun mengalir; hatinya mendenyut menahan kemarahannya;*

denyutan gerakan kembang Kempis atau turun naik (bkn nadi, ubun-ubun, jantung, dll), gerakan mengembut-embut, gerakan kemut-kemut: *senaman boleh menderaskan ~ jantung.*

deodoran (déodoran) bahan yg dipakai pd badan utk menghilangkan bau peluh dll.

dep (dép) **I**; **mendep** Id, bp tidak meneruskan sebagaimana sepatutnya (sesuatu hal, pekerjaan, usul, dll), menahan (surat dll), memeram.

Dep (dép) **II** Id singkatan bagi Departemen.

depa (ukuran) panjang antara kedua-dua hujung tangan yg didepangkan (empat hasta atau kira-kira enam kaki);

mendepa mengukur dgn depa (dgn mendepangkan tangan): *kuli-kuli itu sedang ~ kawasan yg mesti mereka kerjakan utk hari ini;*

mendepakan merentangkan atau menghulurkan (tangan) lurus-lurus ke kanan dan ke kiri, mendepangkan: *satu drpd gerak badan yg dilakukan ialah dgn ~ kedua-dua belah tangan perlahan-lahan.*

depa (dépa) Kd, Pl, Pn mereka semua, dema.

depak I Jk; **mendepak 1.** menyepak, menendang: *pengganas-pengganas telah ~ orang-orang yg membantah kehendak mereka; 2.* ki memberhentikan (drpd jawatan, perkumpulan, dll), memecat: *ahli itu telah didepak drpd persatuannya kerana tidak patuh kpd undang-undang persatuan;*

pendepakan perihal atau perbuatan mendepak.

depak II bunyi spt bunyi hentakan kaki kuda berjalan (buku jatuh ke lantai dll);

berdepak-depak berbunyi depak berulang-ulang;

mendepakkan membunyikan depak dgn lidah.

depan hadapan, muka: *dr rumah ketua kampung ternampak api pelita minyak tanah di ruang ~; minggu (bulan dll) ~ minggu (bulan dll) yg akan datang;*

di depan di hadapan, di muka: *~ markas besar itu terletak sebuah jip yg sudah tua;*

ke depan 1. ke hadapan, ke muka, mara; **2.** selanjutnya, seterusnya, hingga pd;

terkedepan berada (jauh) di depan atau di hadapan (dlm proses kemajuan dsb), sudah maju: *utk diterima umum, seseorang itu tidak harus terkebelakang atau ~ drpd tamadun yg sedang didudukinya; seseorang mesti belajar banyak teknik pengadilan termasuk kecekapan mata drpd pengadil-pengadil yg ~;*

depan-depan secara berhadapan (langsung), secara bertentang mata (bersemuka): *kalau tidak boleh bercakap secara ~ dgn pasangan, telefonlah sahaja; kalau ingin menegurnya, tegurlah ~ secara baik;*

berdepan bertemu (bersua) muka, berhadapan: *perasaanku senang sekali apabila ~ dgn anak-anak itu;*

berdepan-depan berhadap-hadapan, bersemuka;

mendepan menghadap (menghala, mengarah) ke: *ibunya tidak berbaju, hanya berkemban gantung sahaja dan separuh dadanya terbuka ~ angin;*

mendepani 1. berada di depan sesuatu: *tinggallah Masniah keseorangan yg sedang ~ Mat Deli dgn degup jantungnya yg*

kencang; **2.** berusaha tidak mahu ketinggalan; mendahului: *Adi dirasakan begitu besar ~nya dlm setiap bidang*;

mengedepankan mengutarakan, mengemukakan: *~ permohonan kpd pihak yg berkenaan*;

terdepan (yg) di depan sekali: *askar-askar kita yg di medan perang ~ semuanya berjaga-jaga.*

depang; mendepang 1. merentang (menghulurkan lurus-lurus) kedua-dua belah tangan ke kanan dan ke kiri: *kedua-dua belah tangannya ~ dr tiang ke tiang pintu*; **2.** = **berdepang** terentang atau terhulur lurus (kedua-dua belah tangan) ke kiri dan ke kanan: *dia dipaksa berdiri di tengah panas dgn tangannya ~*;

mendepangkan merentangkan kedua-dua belah tangan ke kanan dan ke kiri: *dia ~ kedua-dua belah tangannya sambil melonjak dgn sekuat-kuat hatinya*;

terdepang terentang (tangan) ke kanan dan ke kiri, berdepang;

depangan hasil mendepang atau mendepangkan.

depap → debap.

Deparlu (déparlu) Id akronim bagi Departemen Luar Negeri.

departemen (départemén) IB **1.** jabatan (bahagian dlm pentadbiran negara yg menguruskan tugas dan tanggungjawab tertentu); **2.** (bangunan) tempat tugas-tugas tertentu pentadbiran negara dijalankan.

depati ark ketua daerah; → **dipati.**

depek (dépék) Tr; **berdepek** bersungut, berungut, berleter.

Deperindra (déperindra) Id akronim bagi Departemen Perindustrian Rakyat.

Depernas (dépernas) Id akronim bagi Dewan Perancang Nasional.

depersonalisasi (dépersonalisasi) (Psi) keadaan luar biasa apabila seseorang berasa kehilangan identiti peribadinya.

Depertan (dépertan) Id akronim bagi Dewan Pertahanan Nasional.

depoh (dépoh) **1.** gudang atau tempat menyimpan barang-barang; **2.** pusat latihan utk rekrut dan pengganti: *setelah dua tahun Amin berlatih di ~ polis Singapura, dia ditukarkan ke Kuala Lumpur.*

depong (dépong) Tr (meng)angkat (orang).

deposit (déposit) **1.** simpanan wang di bank atau institusi yg serupa; ~ *tetap* simpanan wang yg tertentu lamanya (atau utk jangka masa yg ditetapkan) dgn mendapat bayaran faedah; **2.** wang yg disimpan di bank atau institusi yg serupa;

mendepositkan menyimpan wang di bank atau institusi yg serupa utk mendapatkan faedah atau utk keselamatan;

pendeposit penyimpan wang di bank: *pekerja yg diberhentikan kerja mempunyai hak yg sama spt ~ CCB .*

deposito (déposito) IB deposit.

depositori (dépositori) (Eko) badan yg diamanahkan utk menyimpan sesuatu (spt dokumen, wang, sekuriti, bon dsb) utk tujuan keselamatan: *para pemilik sekuriti perlu memindahkan sekuriti mereka ke dlm akaun Sistem D~ Pusat (CDS) masing-masing.*

depot (dépot) → **depoh.**

depresi (déprési) keadaan ekonomi yg meleset (apabila penghasilan, perniagaan, perdagangan, dsb berada di paras kegiatan yg rendah), kemerosotan ekonomi.

depu I **1.** sj ikan darat, *Glyptothorax majus*; **2.** sj ikan darat, *Acrochordonichthys ichnosoma*; **3.** sj ikan laut, gedepu, semaram karang, *Synanceja verrucosa*.

depu II = ~ *pelanduk* sj tumbuhan (pokok renek), *Wikstroemia ridleyi*.

depuk Pl sudip nasi, penggembur nasi.

depun kelim atau lipatan tambahan (sbg perhiasan) pd pakaian;

mendepun membuat depun: ~ *jubah.*

depus bunyi spt bunyi hembusan angin;

berdepus-depus berbunyi (mengeluarkan bunyi) depus berulang kali.

deputasi (députasi) IB wakil (perutusan) yg berhak berunding atau bertindak atas nama orang lain.

dera **1.** pukulan (dgn rotan, cemeti, dsb) sbg hukuman; **2.** = **mendera**; **3.** ki seksa (hati, fikiran, dll); **4.** denda, hukuman: *dia kena ~ lima puluh ringgit kerana mencuri*;

mendera **1.** memukul (dgn rotan, cemeti, dsb) sbg hukuman: *orang-orang salah itu telah didera*; **2.** ki menyiksa atau menyakiti (hati, fikiran, dll); ~ *diri* menyiksa diri (sendiri); **3.** mendenda, menghukum: *pencuri itu telah didera di tengah panas*;

deraan hukuman, pukulan, seksaan, dera: *pukul sepuluh tepat barulah budak-budak itu lepas drpd ~*;

penderaan perbuatan mendera: *kebanyakan kes ~ dikendalikan oleh jabatan tersebut*;

pendera orang yg mendera: ~ *kanak-kanak yg tidak berdosa*.

derahan sj tumbuhan (pokok), penarahan hitam (samak), cendarah hitam, kemarahan, *Knema laurina*.

derai I bunyi spt bunyi air (hujan) yg jatuh menitik;

berderai, berderai-derai berbunyi spt bunyi air (hujan) yg jatuh menitik.

derai II; berderai, berderai-derai **1.** berlanjutan atau berpanjangan dgn tidak teratur: *sesekali terdengarlah gelak ketawa ~ drpd anak-anak muda yg sedang belajar bersilat; kita tidak mahu berkokok ~-derai sedangkan ekor bergelumang tahi*; **2.** dgn banyak dan tidak menentu (bkn buah, daun, dll yg gugur atau jatuh ke tanah); **3.** berduyun-duyun dgn tidak teratur, berderet-deret tetapi tidak dgn teratur (bkn orang ramai yg meninggalkan sesuatu tempat):

orang berderai-derai keluar dr gereja; 4. berbiji-biji, berbutir-butir, hancur atau pecah halus-halus (bkn tanah dll): buah bidara dlm bakul itu jatuh ~ ke tanah; ketul-ketul tanah itu hancur ~ dlm genggamannya; 5. (jatuh) bertitik-titik (bkn air mata dll), menitis (titik demi titik): bila tersentuh, air yg bermanik-manik itu jatuh ~ ke bumi; kokok berderai-derai, ekor bergelumang tahi prb orang yg bercakap besar sedang keluarganya melarat;

deraian perihal berderai-derai.

derajang sj tumbuhan (pokok), *Lepisanthes kunstleri*.

derajat → **darjat**.

derak bunyi spt bunyi dahan patah (buluh dibelah, daun pintu bersanggit, dll), bunyi berkertak; *~-derik* bunyi derak berulang kali;

berderak berbunyi berkertak, mengeluarkan bunyi derak; *~-derik* berderak berulang kali;

berderak-derak berbunyi berkertak-kertak, berderak berulang kali;

menderak-derak, menderak-derakkan mengeluarkan bunyi kertak (dgn geraham), membunyikan kertak (dgn geraham), berteriak: *gembiralah, pekiklah, dan derak-deraklah suara itu agar kamu mencapai kepuasan yg setinggi-tingginya;*

derakan bunyi derak (kertak).

deraka bp derhaka.

derak-derik bunyi derak berulang kali;

berderak-derik berderak berulang kali.

deram I = deraman bunyi yg kuat menggegar spt bunyi gendang besar (aum harimau, guruh, dll); *~-derum* bunyi deram yg berulang kali;

berderam = menderam berbunyi dgn kuat (spt bunyi gendang besar, guruh, enjin kereta, dll), bergemuruh: *sesekali guruh*

menderam di sebelah barat; ~-derum berderam (berbunyi deram) berulang kali.

deram II gendang (perkakas muzik).

deram-deram → **denderam II**.

derana ark sabar.

derang I bunyi spt bunyi gendang besar atau tambur atau bunyi pinggan mangkuk (duit syiling dsb) jatuh;

berderang, menderang berbunyi spt bunyi gendang besar (tambur dll), berbunyi spt bunyi pinggan mangkuk dsb jatuh: *bunyi barang-barang kaca jatuh ~ dan bunyi kerusi meja jatuh terbalik, legum-legam.*

derang II; berderang mulai terang (hari), mulai pagi: *saya tidak menyuruh pulang, hari sudah ~ siang; akal ~ terang (terbuka) akal; → benderang II.*

derap I 1. bunyi spt bunyi orang berjalan serentak (air hujan jatuh ke atap dll); **2.** sl bunyi letupan bedil;

sederap serentak: *ketiga-tiga beranak itu ~ bangun menjengah tingkap;*

berderap, menderap 1. berbunyi spt bunyi orang berjalan serentak (air hujan jatuh ke atap dll); **2.** sl berbunyi spt letupan bedil: *berdentum bedil yg besar, ~ bedil yg kecil.*

derap II berlari cepat (kuda dll);

menderapkan melarikan (menyebabkan kuda berlari) dgn kuat: *joki ~ kudanya keliling padang.*

deras I 1. cepat (laju) sekali (aliran air, sesuatu gerakan, dsb): *arus sungai itu sangat ~;* **2.** lekas (perbuatan), cepat: *katalah ~, saya nak tahu; tolong ambilkan aku songkok ~ sedikit;* **3.** lebat (hujan): *hujan semakin ~ turun;* **4.** Kd kuat (bunyi, suara): *“Mengapa sampai berkata begitu...?” sergah Masri agak ~ drpd biasa;*

~ *datang dalam kena* prb membuat sesuatu dgn tergesa-gesa akan mendatangkan kerugian; ~ *spt anak panah* terlalu cepat;

sederas 1. sama deras (laju, cepat), selaju, secepat: *dia berjalan tidak ~ kawannya*; **2.** dgn kelajuan atau kecepatan (tertentu mengikut masa), selaju: *dia memandu keretanya ~ 80 kilometer sejam*;

menderas 1. bergerak (mengalir, berjalan, dsb) dgn deras: *Ros mengesat-ngesat air matanya yg keluar ~*; **2.** turun dgn derasnya (lebatnya): *hujan ~ dan guruh sahut-menyahut*;

menderaskan, memperderas 1. membuat supaya deras bergerak (mengalir, berjalan, dsb), mempercepat: *senaman boleh ~ denyutan jantung*; *kerja yg elok diperderas, kerja yg buruk diperlambat*; **2.** memperkuat (bunyi, suara, dsb);

kederasan 1. perihal deras, kelajuan, kecepatan: *oleh sebab ~ Tun Hamzah mengamuk, lalu pecahlah perang orang-orang Pasai itu*; **2.** kadar pergerakan (dlm sesuatu jangka waktu), kelajuan, kecepatan: *lori itu dipandunya dgn ~ 60 kilometer sejam*;

penderasan 1. perbuatan menderaskan (melajukan, mencepatkan), pencepatan, pelajuan; **2.** perbuatan menderaskan (bunyi, suara, dsb), penguatan; **3.** ark bahagian yg deras arusnya (sungai);

penderas 1. alat (perkakas) utk menderaskan (mencepatkan gerakan dll), pencepat, pelaju; **2.** lekas hilang pertimbangan, keburu nafsu, terburu-buru: *engkau memang ~, jika hatimu tersinggung, lupalah engkau membezakan antara yg benar dgn yg salah*.

deras II; menderas 1. mengulang membaca Quran (utk memahirkan pembacaan); **2.** mengulang kaji (pelajaran): *tiap-tiap hari selepas sekolah, dia ~ segala apa yg dipelajarinya di sekolah*.

deras III bunyi spt bunyi orang memijak sampah atau pasir.

deras IV; ~ *malam* sj tumbuhan (pokok renek), akar keremak, *Ruellia repens*.

derat KI; **menderat** berjalan dgn tidak tentu tujuan, merayau-rayau.

derau I bunyi spt bunyi hujan dibawa angin (air dicurah, riak atau ombak yg dibawa angin, dll);

berderau, berderau-derau, menderau, menderau-derau 1. berbunyi spt bunyi hujan dibawa angin (air dicurah, riak atau ombak yg dibawa angin, dll): *kemudian kedengaran ombak menderu-deru dan berderau-derau bunyi riaknya*; **2.** ki tersentak (perasaan), tersirap (darah): ~ *darahnya apabila terlihat Bedah sedang membasuh udang di atas pelantar*; **3.** tercetus dan berpanjangan bunyinya (bkn ketawa), berderai: *tiba-tiba terdengar ketawa ~ dr dlm bilik guru*;

derauan 1. bunyi yg berderau (menderau): *di luar hujan turun mencurah-curah ~nya berselang-selang dgn bunyi desiran daun-daun kayu yg bergeser*; **2.** cetusan (ketawa) yg berpanjangan, deraian.

derau II; **berderau** bergotong-royong (bertolong bantu, bekerjasama) mengerjakan sawah: *di Kedah, penanaman padi dibuat secara ~*.

derawa ark; *gula* ~ air gula.

derek (dérék) I baris, deret.

derek (dérék) II = *mesin* ~ Id kren utk memunggah barang dr kapal dll, takal; *mobil* ~ Id kereta yg dilengkapi alat utk memunggah barang; **menderek** memunggah barang dgn derek.

deres (dérés) Jw; **menderes** menyadap, menoreh.

deresi (derési) Id gerabak penumpang (kereta api), kereta penumpang (bas).

deret (dérét) **1.** = **deretan**; **2.** bersambung antara satu unit dgn yg lain menjadikan satu bangunan yg panjang (bkn kumpulan rumah atau

kedai): *masalah perumahan diatasi dgn mendirikan rumah-rumah ~; mereka berjalan-jalan di kaki lima kedai dua ~ itu; 3.* kumpulan huruf atau perkataan yg berada dlm baris (yg satu di belakang atau di samping yg lain), baris: *Ali memetik gitarnya sambil menyanyikan beberapa ~ pantun;*

sederet (berada) dlm satu barisan, sebaris: *~ rumah kedai itu musnah dijilat api;*

berderet 1. berbaris (yg satu di belakang atau di samping yg lain): *Paduka Liku duduk ~ dgn Mahadewi; kanak-kanak sekolah berdiri ~ di sepanjang jalan raya itu; 2. = berderet-deret, berderetan* berbaris (berjajar) panjang-panjang beruntun-runtun: *mangsa kebakaran semalam, ~ berjalan ke tempat tumpangan mereka; 3. bp banyak (anak): dia mengaku dirinya masih bujang, tetapi anaknya ~ di rumah;*

mendereti berderet pd, membarisi: *kami melalui bandar yg didereti rumah batu yg tinggi-tinggi, bertingkat-tingkat;*

menderetkan, memperderetkan menjadikan (menyusun) berderet-deret, membariskan: *batu-bata itu dideretkan di keliling taman;*

deretan 1. barisan: *~ bukit; ~ kedai; 2. deret* (huruf, perkataan); **3.** rentetan, siri: *~ peristiwa yg sama.*

dergama Jw fitnah.

derhaka 1. tidak taat atau khianat kpd negara (Tuhan, orang tua, dll), menentang kekuasaan yg sah: *anak yg ~ dimurkai Allah; isteri yg ~ kpd suami; 2. = orang ~ = penderhaka* orang yg mengkhianati negara (Tuhan, suami, dll): *orang yg memasuki perkumpulan haram itu dianggap sbg ~; anak kunci jahat, peti ~ prb suami yg jahat itu lambat-laun akan ditentang isterinya;*

berderhaka berlaku derhaka, berkhianat: *orang-orang yg ~ kpd ibu bapa akan menerima balasan di akhirat kelak;*

menderhaka melakukan perbuatan derhaka, menentang (melawan) kerajaan (orang tua, suami, dll): *kesalahan spt ~, membunuh, dan melukakan orang adalah kesalahan jenayah;*

menderhakai menderhaka terhadap atau kpd seseorang dsb: *~ kedua-dua ibu bapa tergolong dlm dosa besar;*

kederhakaan hasil perbuatan menderhaka: *para nabi diutuskan ke dunia ini kerana ~ dan penyelewengan ummah;*

penderhakaan perbuatan menderhaka: *Abdullah bin Saba telah memainkan peranan yg besar dlm ~ terhadap Sayidina Othman;*

penderhaka orang yg menderhaka: *dlm tempoh sebulan sahaja ~ -- yg melakukan pemberontakan itu telah dapat diusir.*

derham ark mata wang emas atau perak (masa dahulu); **dirham**.

deria alat perasa (pencium, pendengaran, pelihatan, dll): *~ bau; ~ dengar;*

menderia mengesan (bau, rasa, dsb): *hidung ialah alat ~ bau di bahagian kepala;*

kederiaan peralatan tubuh yg berkaitan dgn fungsi organ deria, spt saluran kederiaan, saraf kederiaan: *maklumat itu diperoleh dr dunia luar melalui berbagai-bagai saluran ~;*

deriaan kesan drpd menderia;

penderia alat yg dapat mengesan perubahan sinar cahaya, haba, tekanan dsb, sensor: *cahaya yg keluar dr lampu itu akan dihitung oleh ~ kuasa automatik.*

derik bunyi spt bunyi papan bersanggit (lebih kecil drpd derak).

derik (dérík) menara yg dibina di atas telaga minyak yg digunakan utk menaikkan atau menurunkan gerudi.

deril I Id sj kain yg hampir sama dgn linen dan pelbagai warna.

deril II Id tembakan serentak (senapang, meriam);

menderil menembak (senapang, meriam) dgn serentak;

penderilan penembakan yg serentak.

dering I 1. bunyi spt bunyi giring-giring (loceng kecil, loceng basikal, telefon, dll): ~ *telefon rumah orang sebelah jelas terdengar dr rumah saya*; **2.** bunyi yg nyaring (spt bunyi cengkerik, gajah, dll): *apabila aku terjaga, malam sudah sunyi senyap, hanya ~ cengkerik sahaja yg kedengaran*;

berdering, berdering-dering, mendering 1. berbunyi spt bunyi giring-giring (loceng, telefon, dll): *bunyi loceng basikal posmen ~ di depan tangga rumah*; **2.** berbunyi dgn nyaring (spt bunyi cengkerik, gajah, dll): *masuk dlm kawan gajah ~*;

deringan bunyi berdering: ~ *loceng basikal yg menjemukan semakin berkurang bila hari meningkat petang*.

dering II sj tumbuhan (pokok), medang buaya (kelarah, mantu), *Cryptocarya griffithiana*.

deringo, deringu sj tumbuhan (pokok) jerangau, *Acorus calamus*.

deris bunyi spt bunyi kain dikoyak (rumput kering dipijak dll);

berderis, menderis berbunyi spt bunyi kain dikoyak dll.

derisip Kd orang yg buta celik.

derit bunyi spt bunyi lantai pelupuh dipijak (engsel yg tidak berminyak dll);

berderit, menderit berbunyi spt bunyi lantai pelupuh dipijak dll.

derita I kesusahan (kesakitan, keseksaan, dsb) yg dialami: *sejak dia ditahan, keluarganya menanggung ~ kesengsaraan*;

menderita 1. menanggung kesusahan (kesakitan, keseksaan, dsb): *dia hidup ~ sejak ditinggalkan kekasih*; **2.** = **menderitai** menanggung, mengalami: *orang pelarian Kampuchea ~ kemiskinan yg teruk; kerugian yg mereka deritai amatlah banyak*;

menderitakan membuat seseorang mengalami derita;

terderita, terderitakan dapat dideritai (ditanggung), bertanggung, tertahan: *bukan main sedihnya, tidak ~ sesalnya;*

deritaan perkara yg diderita (spt kesakitan, kesusahan, dll): *~nya kali ini lebih berat drpd yg sudah-sudah;*

penderitaan **1.** perihal menderita, penanggungan: *ingin dia mengadukan ~ batinnya itu kpd kawannya;* **2.** deritaan;

penderita **1.** orang yg menderita; *~ cacat* orang yg cacat; *~ sakit paru-paru* orang yg menghidap sakit paru-paru; **2.** Id pelengkap (benda) yg menjadi tujuan kata kerja (perbuatan) dlm ayat: *dlm ayat 'dia menyepak bola', 'bola' ialah ~nya.*

derita II; *~ dapur* sj tumbuhan (herba), cempaka hutan, menjulang bukit, *Gomphostemma crinitum.*

derivasi (dérivasi) proses pengimbuhan yg menggandingkan imbuhan pd kata dasar, penerbitan kata.

derja ark → **durja.**

derjana → **durjana.**

derjat → **darjat.**

derji sl tukang jahit.

derma bantuan yg berupa wang (kpd perkumpulan dll), pemberian yg ikhlas, sedekah (kpd orang miskin dll): *pertunjukan amal itu ialah utk memungut ~ bagi membantu mangsa banjir;*

~ bakti bantuan yg dihulurkan demi sesuatu tujuan kebajikan; *~ kilat* derma yg dipungut dgn serta-merta utk sesuatu bantuan kecemasan;

berderma, menderma memberi derma: *Wan Intan telah ~ tenaganya merawat orang-orang sakit;*

mendermakan memberikan sesuatu dgn ikhlas: *dia telah ~ sebahagian drpd gajinya utk anak-anak yatim;*

pendermaan perihal atau perbuatan mendermakan: *surat itu mengesahkan ~ yg telah diterima oleh pihak perkumpulan itu;*

penderma orang yg menderma.

dermaga **1.** tembok batu sbg penahan ombak (di pelabuhan); **2.** binaan yg diperbuat drpd kayu atau batu tempat kapal berlabuh utk memuatkan atau menurunkan barang-barang muatan.

derman ark Jw banyak (anak, faedah, untung, dll).

dermasiswa wang bantuan utk pelajar-pelajar (universiti) yg tidak mampu (lebih rendah drpd biasiswa).

dermatitis (Ubat) radang pd kulit yg dicirikan dgn kulit yg kemerah-merahan dan mengelupas.

dermatologi cabang perubatan yg berkaitan dgn kulit dan segala penyakit yg berkaitan dengannya.

dermawan **1.** orang yg suka menderma (pemurah hati); **2.** suka atau selalu menderma (bersedekah): *seseorang raja yg gagah berani, limpah murah lagi ~ akan dikasihi rakyat;*

kedermawanan perihal dermawan, kemurahan (keikhlasan) hati, ketulusan (kebaikan) hati sesama manusia.

dermis lapisan kulit di bawah epidermis yg terdiri drpd tisu penghubung, salur darah, dan lemak.

dersana sj pokok jambu.

dersik bunyi spt bunyi angin, desir.

deru bunyi spt bunyi tiupan angin yg kuat (ribut, guruh, dll): *~ desau ombak menghempaskan diri pd batu karang terdengar dgn jelas;*

berderu, menderu, menderu-deru **1.** berbunyi spt bunyi angin bertiup (ribut, guruh, dll): *tidak lama kemudian menderulah kereta api tiba;* **2.** berduyun-duyun (datang, pergi, dsb): *menderu-deru orang ramai keluar menonton pertunjukan itu;*

deruan deru: *bunyi ~ mesin motokar di jalan raya mengganggu pikirannya.*

deruih Pr nakal (kanak-kanak).

deruji kisi-kisi, jerjak.

deruk bunyi yg lebih besar drpd derak.

derum I; menderum merendahkan badan dgn berlutut (gajah, unta, dll):

maka gajah baginda pun ~ di depan balai ruang;

menderumkan menyuruh menderu, menyuruh merendahkan badan (gajah, unta, dll): *maka raja pun ~ gajahnya, dan makhdum pun dibawa baginda naik gajah.*

derum II bunyi spt bunyi guruh terdengar dr jauh (enjin kereta dll): ~

enjin kereta yg hingar bingar sudah semakin berkurangan pd telinga Kamal;

sederum pd ketika yg sama, serentak (berbunyi, bercakap, menjawab, dll);

berderum, menderum berbunyi spt bunyi guruh terdengar dr jauh: *guruh yg ~ itu berlanjut-lanjut bunyinya;*

deruman bunyi menderum, bunyi derum: ~ *hujan di waktu itu telah membuat saya kurang mendengar apa-apa yg dikatakannya.*

derum III; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok), geronggang, gonggang, penaga hitam, *Cratoxylon arborescens*.

derun derum: ~ *kereta sayup-sayup terdengar dr bukit itu;*

menderun berbunyi spt bunyi air terjun dll, menderum.

derung I; menderung menderum (gajah dll).

derung II derum (bunyi spt bunyi guruh);

berderung-derung berderum-derum.

derup bunyi spt bunyi derap (orang berjalan dgn langkah yg serentak dll).

derus bunyi spt bunyi barang digesek (daging disayat dll).

derut bunyi yg hampir sama dgn derus.

desa (désa) **1.** kampung (di luar kota atau bandar), dusun, udik, daerah pedalaman (kawasan hulu atau pelosok negeri): *sudah lama dia berhajat hendak pulang ke ~, tetapi masa belum terluang baginya utk berbuat demikian; guru ~* Id guru sekolah kampung (rakyat); *sekolah ~* Id sekolah kampung (rakyat); **2.** sl daerah, kawasan, tempat: *tandang ~* pergi ke merata-rata tempat;

mendesa sl melalui (merentasi) desa: *jikalau kita berjalan menurut pesisir ini, sebulan lamanya, dan jikalau berjalan ~, dua puluh hari;*

kedesaan spt orang desa (sifatnya, orangnya);

pedesaan kawasan desa: *kawasan kampus tetap UKM adalah hutan dara berbukit-bukit seluas 1096 hektar dan terletak di ~ Bangi;*

desah bunyi spt bunyi benda digosok (air hujan yg jatuh ke daun-daunan, nafas orang sakit lelah, dll);

berdesah berbunyi spt benda digosok dll;

mendesah **1.** berdesah; **2.** melahirkan rasa marah (tidak puas hati dsb) disertai dgn desah;

desahan bunyi mendesah: *~ roda-rodanya kian menokok kesayuan hati yg pergi dan yg tinggal.*

desak I; berdesak bersesak-sesak, berasak-asak (kerana sempit): *orang ~ ketika hendak masuk stadium utk menonton bola sepak;*

berdesak-desakan bersesak-sesak, berasak-asakan, berebut-rebut (tempat dll): *seorang perempuan muda pengsan terbaring kerana ~;*

mendesak **1.** menolak (menyorong, mendorong) dgn badan, mengasak: *pintu masuk ke dewan itu terlalu kecil dan penonton-penonton ~ dr belakang hendak cepat;* **2.** mengasak (menghimpit,

menghambat) hingga mundur (undur, lemah, dll): *tentera Berikat telah ~ tentera Fasis hingga menyerah*; **3.** meminta (menuntut) dgn sungguh-sungguh: *kerajaan pusat telah didesak supaya membanyakkan lagi biasiswa utk pelajar-pelajar Melayu*; **4.** (bkn sesuatu hal, keadaan, perkara) yg memaksa, (bkn sesuatu hal) yg penting sekali: *soal yg sangat ~ dlm penyamaan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia ialah tentang istilah*; **5.** hampir tiba waktunya (ketika, masa, saat): *waktu telah ~ benar, kita mesti siapkan kerja kita lekas-lekas*; **6.** menghasut, mengacum: *tentulah ada orang yg ~nya, kalau tidak takkan sekeras itu sikapnya terhadapku*; **7.** mendorong, mempengaruhi, memberangsang: *dgn sebab putus harapan akan dapat hidup berbahagia serta didesak pula oleh rasa terpulau dan terpencil...*;

mendesakkan meminta dgn paksa, menuntut dgn sungguh-sungguh: *orang itu betul-betul ~ kemahuannya sahaja*;

terdesak **1.** tertekan, terdorong: *raksa di dlm salur itu akan ~ ke bawah lebih rendah drpd paras raksa yg berada di sebelah luar salur*; **2.** terasak, terhimpit: *ketika berebut masuk ke dewan itu, ramai kanak-kanak yg menjerit kerana ~*; **3.** susah (sulit) sekali, tertekan, terhimpit: *kehidupannya telah ~, dia terpaksa bekerja keras*; **4.** terdorong, didorong, diberangsang, dipengaruhi: *dia memasuki tentera kerana ~ oleh rasa tanggungjawab terhadap nusa dan bangsa*; **5.** terpaksa, mesti, tidak boleh tidak: *bukan kerana apa, melainkan kerana ~*; **6.** didesak;

desakan **1.** tekanan (tolakan) yg kuat: *pintu itu pecah kerana ~ orang ramai dr luar*; **2.** permintaan (tuntutan) yg keras (seolah-olah memaksa): *dia membuat kenyataan itu atas ~ barisan bertindak baru-baru ini*; **3.** dorongan (hajat, kasad) yg sungguh-sungguh: *~ utk mencari adikku yg lari itu telah surut kembali*;

keterdesakan keadaan (perihal) terdesak): ~ *boleh membawa kesan dlm proses membuat keputusan;*

pendesakan perihal atau perbuatan mendesak atau mendesakkan;

pendesak orang yg mendesak (meminta sesuatu dgn sungguh-sungguh): *golongan ~.*

desak II bunyi spt bunyi kertas direnyuk-renyukkan, keresekek-keresekek;

berdesak, mendesak berbunyi spt bunyi kertas direnyuk-renyukkan.

desar bunyi spt bunyi bara atau besi panas kena air, bunyi spt bunyi hujan lari di atas atap;

berdesar, mendesar 1. berbunyi desar; **2.** ki ngeri, tersirap darah, marah: ~ *darah saya melihat gelagat pemuda yg kurang sopan di tepi jalan itu.*

desas bunyi spt bunyi orang berjalan kaki (di tempat yg berpasir): ~ *kaki makin dekat, tentu ada orang datang;*

berdesas berbunyi spt bunyi orang berjalan kaki di tempat yg berpasir: *kami pun pergi berjalan kaki, dan bunyinya yg ~ jelas terdengar dlm keadaan yg sunyi senyap itu;*

mendesas-desaskan mendesas-desuskan.

desas-desus 1. suara orang berbisik-bisik: *dr lorong yg gelap itu terdengar ~ dua orang berbisik-bisik;* **2.** khabar angin, cakap-cakap orang (yg belum sah): *kedua-duanya sudah sepasang, sejodoh, demikian ~ orang;*

mendesas-desuskan menyebarkan-nyebarkan berita (khabar) angin, membisik-bisikkan, mendesas-desaskan: *sekali-kali tidak pernah aku mengumpat-umpat mereka spt yg didesas-desaskan itu; → desus.*

desau bunyi spt bunyi ombak memecah di pantai (hujan lebat menimpa daun-daun dll);

berdesau, mendesau berbunyi spt bunyi ombak memecah di pantai dll.

desawan orang yg tinggal (menetap) di desa: *Usop ialah ~ yg menyara hidupnya sendiri sama ada ke laut atau ke ladang.*

desentralisasi (déséntralisasi) perihal memberi kuasa yg lebih kpd kerajaan negeri (daerah) yg bersekutu oleh kerajaan pusat, pengagihan kuasa pusat.

desersi (désérsi) IB **1.** lari drpd perkhidmatan tentera; **2.** pembelotan, perihal memihak kpd musuh.

desert (désert) bp pembasuh mulut, pencuci mulut.

desertir (désértir) IB orang yg lari drpd perkhidmatan tentera (memihak kpd musuh).

desi- (dési) *awalan asing* satu persepuluh, mis *desigram* dan *desimeter*.

desibel (désibel) unit ukuran yg digunakan utk menunjukkan keamatan bunyi.

desigram (désigram) ukuran berat yg bersamaan dgn 1/10 gram.

desik bunyi spt bunyi ranting patah (daun kering ditiup angin dll).

desiliter (désiliter) ukuran isi padu yg bersamaan dgn 0.1 liter atau 10⁻⁴ meter padu.

desimal (désimal) perpuluhan.

desimeter (désiméter) ukuran panjang yg bersamaan dgn 1/10 meter.

desing bunyi spt bunyi angin yg kencang (peluru yg ditembak, baling-baling yg dilempar, dll);

berdesing, mendesing **1.** berbunyi spt bunyi angin yg kencang dll: *angin ~ di sela-sela daun kelapa; suara keridik dan belalang sahaja yg kedengaran mendesing memecah kelengangan itu; **2.** ki = ~ *telinga* timbul rasa marah (sakit hati dsb apabila mendengar kata-kata yg mencabar, mencerca, dsb): ~ *telinga si Kotot**

mendengar cabaran Tudin, lalu dicabutnya keris, dan terus meluru menerkam Tudin;

berdesing-desing, mendesing-desing **1.** berdesing (mendesing) berulang-ulang atau berterusan; **2.** ki masih terngiang-ngiang (terdengar-dengar) di telinga (bkn kata-kata dsb), teringat-ingat: *“Aku tahu ibu, umur perajurit tidak panjang”, ~ kata itu di telinga ibu tua, spt angin mendesing-desing di daun kayu;*

desingan bunyi yg mendesing (berdesing).

desir bunyi spt bunyi daun kayu ditiup angin (wap yg keluar dr cerek, pasir ditiup angin, dll): *angin laut mulai bertiup dan terdengarlah ~ daun kayu di tepi pantai;*

berdesir, mendesir berbunyi spt bunyi daun kayu ditiup angin (wap keluar dr cerek dll): *daun buluh ~ ditiup angin petang;*

desiran bunyi yg berdesir (mendesir): *derauan hujan berselang-selang dgn ~ daun kayu.*

desis bunyi spt desus tetapi lebih kecil;

berdesis berbunyi desis;

mendesis **1.** berdesis; **2.** berkata dgn perlahan-lahan, berbisik, membisik: *bibirnya ~, “Inna lillahiwa inna ilaihi rajium”;*

mendesis-desis mendesis berulang-ulang, berbisik-bisik, membisik-bisik: *sekali-sekali terdengar juga suara bibir Bok Karta ~ membaca kulhu dan fatihah;*

desisan bunyi berdesis (mendesis).

desit bunyi spt bunyi orang menghisap (menyedut) dr celah gigi;

berdesit, berdesit-desit berbunyi spt bunyi orang menghisap dr celah gigi: *mulutnya berdesit-desit mengeluarkan serpihan dr celah-celah giginya yg berlubang.*

desiun Pl laju (kereta, basikal, dll).

deskripsi (déskripsi) keterangan yg bertujuan utk menyampaikan gambaran mental tentang sesuatu yg dialami.

deskriptif (déskriptif) bertujuan utk memberikan deskripsi: *kebanyakan karangannya bersifat ~.*

despot (déspot) pemerintah mutlak, pemerintah kuku besi.

despotisme (déspotisme) pemerintahan seorang despot, pemerintahan kuku besi.

destar setangan kepala, tengkolok, tanjak, kain (ikat) kepala: ~ *beranting-anting;*

~ *berapi-api* destar utk penari-penari; ~ *bertatah* destar yg disematkan perhiasan; ~ *hitam berkotak* destar utk penghulu adat; ~ *pelangi* destar yg beraneka warna; ~ *tebu setuntung* dll;

~ *habis, kopiah luluh* prb perihal menanggung kerugian (kesusahan dll) yg besar (berat dll); ~ *hancur, kopiah hancur* prb perihal perbuatan yg kurang hemat;

berdestar memakai destar.

destinasi (déstinasi) tempat yg dituju dlm perjalanan atau tempat penerimaan sesuatu (surat, barang, dll yg dikirim): *surat-surat itu dikirimkan melalui pos bukan sahaja ke ~ dlm negeri, malah ke tempat-tempat lain di luar negeri juga.*

destruktif (déstruktif) (bersifat) merosak.

desuk bunyi yg hampir serupa dgn desak.

desup bunyi benda terbenam dlm lumpur dgn laju (keras).

desur bunyi yg hampir sama dgn desar dan desir;

berdesur berbunyi desur: *kudengar tiupan angin yg kencang, ~ memukul sayap kapal terbang.*

desus; ~-*desis* = **berdesus, berdesus-desus, mendesus, mendesus-desus** bunyi spt bunyi orang berbisik;

mendesuskan membisikkan; → **desas-desus.**

desut bunyi spt bunyi angin yg kencang (orang meniup api dsb);

mendesut berbunyi spt bunyi angin yg kencang (orang meniup api dsb).

detak bunyi spt bunyi jantung berdenyut;

~ *jantung* bunyi denyut jantung, debar jantung; ~ *hati* ki perasaan (fikiran, kata hati) yg mendatang;

berdetak, berdetak-detak 1. berbunyi spt bunyi jantung berdenyut; 2. ki terfikir, terasa, terpendam: *Aishah sengaja tidak mahu menunjukkan apa yg sedang ~ dlm hatinya;*

mendetakkan membunyikan tak tak dgn lidah;

detakan bunyi berdetak: *dlm dadanya terasa ~ jantung.*

detap bunyi spt bunyi hentakan kasut sewaktu berjalan (ranting kayu dipijak dsb);

berdetap berbunyi spt bunyi hentakan kasut sewaktu berjalan (ranting kayu dipijak dsb): *Lamid membuka matanya lebar-lebar apabila terdengar ranting ~ dipijak orang;*

mendetap-detapkan membunyikan hentakan kasut sewaktu berjalan: *gadis itu ~ kakinya ke lantai dan mengetuk-ngetukkan jarinya ke meja;*

detapan bunyi berdetap: ~ *kasutnya semakin cepat kedengaran menghampiri rumah itu.*

detar bunyi spt bunyi benda yg bergetar (bergegar, bergentar, dsb);

berdetar, mendetar berbunyi spt bunyi benda bergetar (bergegar, bergentar, dsb).

detas bunyi spt bunyi benang putus (kulit telur pecah, air hujan menitik ke atap, dsb);

berdetas, berdetas-detas berbunyi spt bunyi benang putus (kulit telur pecah, air hujan menitik ke atap, dsb): *air hujan mula turun berdetas-detas ke atas atap rumah.*

detasemen (détasemén) IB sepasukan (sebahagian) drpd askar (polis) yg bertugas di sesuatu tempat.

detasir (détasir) IB; **mendetasir** bp menukarkan seseorang pegawai ke sesuatu tempat kerana tugas yg tertentu.

detektif (détéktif) pegawai polis yg menyiasat kejadian jenayah, mata-mata gelap; *cerita (roman)* ~ cerita bkn penyiasatan jenayah.

detente (détente) (Perancis) pengenduran ketegangan (konflik dll) antara negara-negara dlm hubungan antarabangsa.

detergen (détergen) bahan atau campuran bahan yg bertindak sbg pencuci dlm sabun, syampu, dll; ~ *lembut* detergen yg boleh terurai secara biologi.

determinisme (Sas) gerakan sastera dan seni yg beranggapan bahawa semua perkara yg berlaku (termasuk yg dipilih manusia) telah ditentukan oleh hukum alam: *kemudian etos dikembangkan menjadi ~ sosial.*

detik **1.** bunyi spt bunyi jam dll; ~ *jantung* a) bunyi denyut jantung; b) ki getaran hati (kalbu); ~-*detak* khabar (berita); **2.** saat (1/60 minit), waktu atau masa (yg singkat sekali): *akhirnya orang tua itu kembali tenang setelah termenung beberapa ~*; **3.** waktu, masa (secara am): *31 Ogos merupakan ~ yg bersejarah bagi rakyat Malaysia;*

berdetik **1.** = **mendetik** berbunyi spt bunyi jam dll: *pensel yg di atas meja itu jatuh ~*; **2.** berkata (di dlm hati): *melihat kejadian itu, hatinya ~, "manusia ini tidak waras otaknya"*; **3.** berdebar (bkn perasaan): *hatinya ~ resah apabila adiknya menyebut Dang Kenanga bertanyakan dirinya;*

terdetik **1.** berbunyi detik; **2.** ki terdengar (diketahui, diberitakan, dll): *sekarang ~ pula berita-berita yg mengatakan harga barang-barang akan melambung lebih tinggi lagi;*

terdetikkan dapat terdetik: *kenikmatan Firdaus yg tidak pernah ~ dlm hati manusia;*

detikan detik (jam, jantung, dll).

detil (détil) bp terperinci: *segala keterangan telah diberikan secara ~.*

deting bunyi spt bunyi gitar, dencing.

detoksifikasi (détoksifikasi) penyingkiran racun atau toksin drpd sesuatu bahan.

detup bunyi benda meletup (letup-letup kecil); → **detus, letup I.**

detus bunyi spt bunyi letupan senapang (mercun dll);

berdetus berbunyi spt bunyi letupan senapang dll.

deuterium (déuterium) (Kim) isotop unsur hidrogen, hidrogen berat.

devaluasi (dévaluasi) perihal menurunkan nilai mata wang utk memperbaiki kedudukan ekonomi negara.

devian (dévian) (Psi) seseorang yg perangnya menyimpang drpd normal; ~ *seks* seseorang yg menunjukkan kelakuan seks yg luar biasa.

devisa (dévisa) IB alat pembayaran luar negeri (yg ditukar dgn mana-mana mata wang luar negeri).

dewa (déwa) **1.** sesuatu yg dipuja-puja kerana dipercayai berkuasa terhadap alam dan manusia; yang-yang: *membakar colok utk memuja ~;* **2.** ki orang (sesuatu) yg dipuja-puja: *wang juga akan ~nya; ~ pujaan hatinya telah mati ditembak pegganas;*

mendewakan, mendewa-dewakan, memperdewakan memuja-muja spt dewa: *masih banyak lagi pegawai kerajaan yg mendewa-dewakan bahasa Inggeris;*

kedewaan **1.** (hal) mengenai dewa: *agama Hindu telah memasukkan adat resam dan sistem ~ Hindu;* **2.** tempat (kediaman) dewa-dewa;

pendewaan perihal atau perbuatan mendewakan: ~ *bahasa Inggeris dan kelulusan Inggeris masih diamalkan oleh pihak-pihak tertentu.*

dewadaru (déwadaru) sj tumbuhan (pokok), daru-daru, dedaru, kayu darat, *Urandra corniculata.*

dewala (déwala), **dewal** (déwal) ark sl dinding atau tembok keliling kota dll.

dewan (déwan) **1.** balai (ruang) tempat diadakan sesuatu (spt persidangan, perjumpaan, forum, ceramah, dll): *Tuan Syed Nasir telah memberi ceramah berkenaan dgn Bahasa Kebangsaan di D~ Hargreaves, Kolej Melayu Kuala Kangsar;* **2.** perbadanan (institusi, lembaga, dll) yg bertanggungjawab (bergiat, berkuasa, dll) dlm sesuatu bidang kegiatan dsb: *D~ Rakyat sedang membahaskan anggaran belanjawan; D~ Bahasa dan Pustaka; D~ Bandaraya; D~ Perniagaan;* **3.** sl mahkamah tinggi; *D~ Keadilan* majlis tertinggi bkn adat di NS; *D~ Keamanan* Id a) Majlis Keselamatan B.B.; b) = *D~ Keamanan Nasional* dewan yg ditubuhkan oleh kerajaan utk mengawasi (menjaga) keamanan negeri; *D~ Menteri* Id jemaah menteri, kabinet; *D~ Moneter* Id lembaga yg berkewajiban menasihati dan mengawasi kewangan negara; *D~ Nasional* Id majlis yg mewakili masyarakat utk memberi nasihat kpd kerajaan; *D~ Negara* a) majlis mesyuarat tertinggi yg anggotanya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; b) Pr majlis tertinggi bkn adat; *D~ Negeri* majlis mesyuarat negeri; ~ *penasihat* Id majlis yg memberi nasihat; ~ *pengawas(an)* Id dewan yg bertugas utk mengawas kerja pengurus perkumpulan (persatuan, dll); ~ *perancang* Id majlis yg merancang pembangunan negara; *D~ Perwakilan Rakyat* Id a) = *D~ Perwakilan Rakyat Pusat* Dewan Rakyat; b) = *D~ Perwakilan*

Rakyat Daerah Dewan Undangan Negeri; ~ pimpinan Id dewan yg memimpin parti (perkumpulan, persatuan, dll); *D~ Rakyat* majlis tertinggi yg membuat undang-undang (menentukan dasar kerajaan serta mengawasi pelaksanaannya); *D~ Undangan Negeri (Persekutuan)* majlis perwakilan rakyat negeri-negeri.

dewana (déwana) sl gila (berahi), edan kesmaran.

dewangga (déwangga) = *kain* ~ (ERT) kain yg ditekat atau disulam dgn benang berwarna-warni utk membuat pelbagai corak atau gambar yg menarik, biasanya digantung di dinding dsb sbg perhiasan; *sutera* ~ kain sutera yg bercorak indah.

dewani (déwani) ark **1.** bkn dewan; **2.** ahli dewan.

dewasa (déwasa) **1.** sudah baligh, sudah berumur 21 tahun ke atas, sudah cukup besar: *orang* ~ dikenakan bayaran masuk yg lebih tinggi drpd kanak-kanak; **2.** sudah cukup besar (bkn binatang, tumbuh-tumbuhan, dsb): *lipas* yg sudah ~ berwarna perang kehitam-hitaman; **3.** pd masa, pd ketika, pd waktu: *adat spt itu tidak sesuai lagi dgn keadaan* ~ ini; **4.** ki sudah banyak pengalaman dan pengetahuannya, matang: *kini Malaysia telah mula* ~ dan telah pun melalui berbagai-bagai pengalaman dan peristiwa selama dua puluh tahun ia tegak sbg sebuah negara merdeka;

mendewasa menjadi dewasa: *ia dilahirkan dan* ~ pd zaman perang;

mendewasakan **1.** menjadikan dewasa (manusia, binatang, dsb), membesarkan; **2.** menjadikan dewasa atau matang (pemikiran, pengalaman, dsb): *Razman lebih suka hidup di laut, meluaskan pengalaman dan pandangannya sambil* ~ fikirannya;

kedewasaan perihal (keadaan yg) dewasa (matang), kematangan: *dia belum lagi mencapai* ~nya; ~nya ternyata pd fikiran-fikiran bernas yg dikemukakannya;

pendewasaan 1. perihai atau proses mendewasakan (membesarkan dsb), pembesaran: *proses ~ ovarii itu terkawal (benda hidup) oleh hormon-hormon yg dikeluarkan oleh ovarii dan kelenjar lain*; 2. perihai atau proses mendewasakan (pemikiran, pengalaman, dsb), pematangan: *~ sastera bererti kepelbagaian tema yg diterokai dan kepelbagaian aliran teknik dlm penulisannya.*

dewata (d wata) sl 1. dewa; *dewa ~ = Sang yg ~ sl peri yg berkuasa; D~ Mulia Raya* sl dewa yg tertinggi; 2. perihai (bersifat) dewa; *burung (manuk, paksi, unggas) ~ sl burung cenderawasih*;

mendewatakan mendewakan;

kedewataan kedewaan.

dewek (d w k) Jw ark bp sendiri, diri sendiri; *aku ~ aku sendiri.*

dewi (d wi) 1. dewa perempuan: *~ Dermadewi; ~ Pertiwi*; 2. ki jantung (buah) hati (bkn perempuan yg cantik);

kedewian sifat spt dewi, tentang dewi: *wajahnya menyerlahkan sifat kemanusiaan dan juga ~.*

dgn kep dengan.

di I 1. kata sendi nama yg menunjukkan tempat dll: *ketika cuti sekolah, Busu lebih suka duduk ~ rumah drpd berjalan-jalan; ~ atas; ~ bawah*; 2. pada, dalam: *wajah Mawi terbayang ~ mata Aini; ~ hari kemudian*; 3. Mn pada, kepada, akan, oleh, dari; *datang ~ air datang dr sungai.*

di II awalan yg membentuk kata kerja pasif (diri ketiga): *dia mati dibunuh perompak.*

di III kep adi; *dipati* adipati; *diraja* adiraja.

dia kata ganti diri ketiga (utk menegaskan atau merendahkan), ia: *~ yg mengambil bola itu, bukan saya; ~ orang bp mereka semua; itu ~*

a) itu orangnya; b) itulah bendanya (perkaranya), itulah keadaan yg sebenarnya;

mendiakan menyebut dia (dgn tujuan menghina, memandang rendah, dsb terhadap seseorang).

diabetes (diabétés) keadaan yg dicirikan dgn perembesan dan perkumuhan air kencing yg berlebihan, penyakit kencing manis.

diaforesis (diaforésis) (Ubat) perpeluhan yg berlebihan.

diafragma **1.** tisu yg terdiri drpd otot dan tendon yg memisahkan rongga toraks drpd rongga abdomen pd mamalia; **2.** alat yg menghadkan bukaan lensa atau sistem optik; **3.** cakera atau kon yg bergetar pd alat spt telefon, mikrofon, dll; **4.** alat pencegah kehamilan pd wanita.

diagnosis perbuatan mengenal pasti sesuatu penyakit drpd tanda dan gejalanya;

mendiagnosis mengenal pasti sesuatu penyakit drpd tanda dan gejalanya, membuat diagnosis.

diagnostik bkn diagnosis: *ujian* ~.

diagonal IB pepenjuru.

diagram IB gambar rajah.

diah → **diat I.**

diaken IB **1.** ulama Kristian (Katolik) yg martabatnya rendah sedikit drpd paderi; **2.** kakitangan yg menguruskan hal orang miskin dlm agama Kristian (Protestan).

diakoni IB dewan tempat menguruskan hal orang miskin dlm agama Kristian.

diakritik (Lin); *tanda* ~ tanda yg dipakai utk memperbezakan bunyi-bunyi yg berlainan bagi sesuatu huruf: *dlm ejaan baru, tanda ~ di atas e bagi melambangkan e pepet ditiadakan.*

diakronik meninjau sesuatu hal drpd sudut sejarah perkembangannya (bkn kajian, penyelidikan, dsb); *kaji bahasa* ~ pengkajian perkembangan bahasa.

dialek (dialék) satu bentuk bahasa yg digunakan dlm sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza drpd bahasa standard, loghat, pelat daerah (negeri dll): ~ *Kelantan*; ~ *Kedah*; ~ *sosial* (Lin) variasi bahasa yg dituturkan oleh sesuatu kumpulan sosial atau lapisan masyarakat bahasa, mis bahasa istana.

dialektik (dialéktik) seni (amalan) menilai kebenaran sesuatu teori atau pendapat secara perbincangan dan perdebatan: *tentu sahaja engkau tidak mengerti soal ini, kerana engkau tidak berfikir secara* ~.

dialektologi (dialéktologi) kajian tentang dialek.

dialisis (Kim) proses memisahkan sebatian yg terlarut berasaskan kadar resapan sebatian itu melalui membran separa telap;

mendialisis memisahkan sesuatu (sebatian dsb) secara dialisis.

dialog **1.** kata-kata yg dituturkan oleh watak-watak dlm drama atau fiksyen: *pengucapan* ~ *sesetengah pelakonnya masih lemah*; **2.** karya sastera dlm bentuk perbualan; **3.** perbincangan atau perundingan antara dua pihak yg bertelingkah kepentingannya: *satu majlis* ~ *diadakan antara penduduk kampung dgn wakil rakyat mereka*; *kami mengadakan* ~ *dgn pengusaha hotel, pemandu-pemandu teksi, malah tuan-tuan punya kedai emas juga*; **berdialog** mengadakan dialog, bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu isu secara terbuka: *mereka* ~ *dgn wakil-wakil dr Kementerian Perdagangan mengenai masalah harga minyak petrol*.

diam I 1. tidak bercakap (bersuara dll), senyap: *Badri* ~ *sahaja kerana tidak tahu apa yg hendak dicakapkan*; *terbuang dlm* ~

disingkirkan dgn senyap-senyap; **2.** tidak bergerak-gerak atau berbuat apa-apa: *sedangkan benda yg ~ lagi engkau baling tidak kena, inikan pula benda yg bergerak; ~ tak ~ dgn senyap-senyap, tidak diheboh-hebohkan; ~ macam batang kayu ki tidak bergerak-gerak; ~ membatu ki tidak bercakap-cakap (membisu); ~ ubi lagi kental, ~ besi lagi sentil = bukannya ~ penggali berkarat, melainkan ~ ubi berisi prb diam orang yg berilmu itu berfikir, sementara diam orang yg bodoh itu sia-sia sahaja; kalau tak bermeriam, baiklah ~ prb orang yg miskin dan lemah itu tidak usahlah banyak kehendak; yg disangka tidak menjadi, yg ~ boleh ke dia prb orang yg bertunangan tetapi akhirnya berkahwin dgn orang lain;*

sediam sama (spt, macam) senyapnya: *mereka diam ~ kuburan di waktu subuh;*

diam-diam dgn tidak memberitahu orang, secara senyap-senyap, secara sulit: *dgn ~ sahaja dia keluar dr negeri Daha;*

~ lepu prb pada zahirnya baik dan jujur tetapi sebenarnya jahat dan berbahaya sekali; *~ ubi (berisi)* prb pendiam tetapi banyak berfikir atau berpengetahuan;

berdiam = ~ diri = **berdiam-diam** **1.** tidak bercakap-cakap (bergerak-gerak dll): *mereka berdua ~ sebentar; di dlm berdiam-diam begitu, sebenarnya dia berfikir; 2.* ki tidak melakukan sesuatu, tidak mengambil apa-apa tindakan: *kita tidak mesti ~ diri, kita mesti membela diri kita sendiri;*

berdiamkan; ~ diri berdiam diri: *ia ~ dirinya barang ke mana diterbangkan oleh burung itu;*

mendiami tidak menegur (menyapa dll), memulau: *kami diami sahaja orang-orang yg membelot kpd persatuan kami;*

mendiamkan, memperdiamkan **1.** membuat (menjadikan, membiarkan) diam: *ibu ~ adikku yg merengek*; **2.** menjadikan tidak bergerak, mematikan utk seketika (benda bergerak dll): *gelora marah itu didiamkannya sahaja*; **3.** tidak mengendahkan (mempedulikan, ambil tahu, dll), tidak menghebohkan: *pihak Berikat tidak boleh ~ serangan yg dilakukan oleh pihak Fasis ke atas negara-negara yg kecil; ada pun jika kita perdiamkan perkara ini, nescaya buruk padahnya*;

terdiam tidak bersuara (bergerak dll) lagi: *Datuk Ujang dan polis itu mengganggu lagi tetapi sejurus kemudian ~ semula; melihat guru datang, murid-murid darjah itu pun terus ~*;

pendiam (orang yg) tidak suka bercakap-cakap: *Zaini itu seorang murid yg ~ tetapi lekas dapat menangkap ajaran gurunya*.

diam II tinggal (duduk, berumah, bertempat) di: *saya ini hanya budak miskin, ~ di hulu negeri; ~ berdagang tinggal (hidup) merantau; ~ di bandar tak meniru, ~ di laut asin tidak prb hal orang yg tidak mahu belajar supaya maju walaupun tinggal di tempat yg ramai*;

mendiami, mengediami ark bertempat tinggal di, berumah di, menduduki: *mulai drpd tarikh itu, bandar Brunei telah menjadi bandar yg didiami oleh orang Jepun sahaja; tidak ada siapa yg sanggup ~ rumah itu*;

kediaman = *tempat* ~ tempat tinggal (duduk dll), rumah (pondok, gua, dll) yg diduduki: *setelah selesai sembahyang, mereka pun pulang ke tempat ~ masing-masing; di sana sini terdapat rumah-rumah yg besar tersergam, tempat ~ orang besar-besar dan orang kaya-kaya*.

diameter (diaméter) garis pusat (pd bulatan).

dian I pelita yg dibuat drpd lilin;

mendiani menerangi (dgn dian).

dian II; *burung kaki* ~ sj burung, *Tringa totanus eurhinus*.

diang; **berdiang** berada dekat api (unggun api, dapur) utk memanaskan

badan: *di musim sejuk begini kami tidak banyak keluar tetapi ~ di rumah sahaja*;

~ *di abu dingin* prb pertolongan yg sia-sia (tidak berguna); *sambil*

~ *nasi masak* prb sekali membuat sesuatu pekerjaan, dua tiga maksud tercapai;

mendiang memanaskan atau memasak sesuatu dgn meletakkannya

dekat dgn api: *pagi-pagi lagi kelihatan budak dua beradik itu ~*

ikan di tepi sungai; bagai pucuk pisang didiang prb lemah sekali

(tidak bertenaga) kerana sakit dll;

mendiangkan memanaskan (badan, tangan, dll) dekat api: *kata*

Thomas sambil menggesel dan ~nya dekat api;

pendiangan tempat berdiang, (dapur jingkir) utk berdiang.

diar Mn; **memperdiarkan** membiarkan sahaja, tidak mempedulikan.

diarea (diaréa) (Ubat) penyakit buang air besar (najis cair) yg terlalu

kerap pengulangannya, cirit-birit.

diari buku yg mengandungi rakaman harian tentang pengalaman atau

pemerhatian peribadi, buku harian.

diarki pemerintahan oleh dua negara, individu, dll.

diaspora 1. penyebaran ke merata-rata tempat, spt orang yg pd asalnya

tergolong dlm budaya yg sama, warga sebuah negara yg sama dsb:

pengkajian tentang ~ Cina di wilayah lain di Indonesia jauh

kurang mendapat perhatian; **2.** kelompok manusia yg pd asalnya

tergolong dlm budaya yg sama yg telah tersebar di merata-rata

tempat lain: *penentang ini mewujudkan ~ di kalangan bangsa,*

puak atau keturunan mereka.

diastase (Bio) enzim (amilase) yg terdapat pd barli bercambah, kentang,

dll.

diastole (diastolé) (Ubat) tempoh pengembangan ventrikel jantung yg berlaku antara bunyi yg kedua dgn bunyi yg pertama pd jantung.

diat I Ar sl denda (pampasan) yg harus dibayar kerana melukai atau membunuh orang dll: *berapa dapat kamu keluarkan ~ akan Abdullah?*

mendiatkan membayar diat: *patut engkau diatkan nyawa anak memerang itu.*

diat II; pendiat sl kubu (perangkap) gajah.

diatonik (Muz) bkn penggunaan not yg bertepatan dgn tanda nada sahaja.

diayah penyiaran (penyebaran) sesuatu ideologi (doktrin, pendapat, dsb) utk mendapat sokongan, propaganda: *anasir-anasir komunis telah cuba menjadikan isu Islam utk mengembangkan ~ mereka;*

mendiayahkan menyebarkan diayah, mempropagandakan;

pendiayahan perbuatan menyebarkan diayah;

pendiayah orang yg menjalankan kegiatan diayah: *~ komunis perlu diawasi.*

dibab Pr tampar sayang (geram dll);

mendibab menampar kerana sayang (geram dll).

dibaja sl = *kain* ~ sj kain sutera yg halus.

didaktik bermaksud mengajar: *sajak ini bersifat ~.*

didaktisme unsur pengajaran dlm sesebuah karya sastera yg memberikan pendidikan (terutamanya dr segi moral, etika, atau soal-soal keagamaan).

didal sarung jari drpd logam dll (utk melindungi hujung jari ketika menjahit), jidal.

didih; mendidih; berdidih ark **1.** meruap atau meluap-luap kerana dipanaskan, menggelegak: *air di dlm kawah itu sedang ~;* **2.** ki marah sekali (bkn perasaan): *Hayati makin radang, ~ rasa*

darahnya; **3.** ki berkobar-kobar, meluap-luap, berapi-api (bkn semangat);

mendidihkan 1. memasak (memanaskan) air dll hingga mendidih;
2. menjadikan berkobar-kobar (semangat): *keberaniannya menentang kezaliman itu ~ darah keperwiraan dlm jasad bangsanya*;

pendidihan perihal atau proses mendidih(kan).

didik 1. pelihara, jaga (dgn hati-hati), ajar; *ayam* ~ ayam yg tidak beribu (dipelihara drpd kecil); **2.** sl bd anak-anak yg baru remaja: *harta yg Duli Tuanku kurniakan dahulu, sekarang sudah dihabiskan oleh ~ itu utk bersuka ria*;

mendidik menjaga (memelihara dsb) dan melatih (mengajar dll) baik-baik: ~ *kanak-kanak bukan satu perkara yg boleh dipandang ringan*;

terdidik mendapat latihan (pengajaran dll), terlatih: *sebelum perang dahulu banyak mahasiswa kita yg ~ di tanah Inggeris*;

didikan 1. kaedah mendidik: *salah ~ boleh merosakkan anak-anak apabila mereka besar kelak*; **2.** yg dididik (diajar, dilatih, dll): *masa depan bagi kanak-kanak ~ sekolah Melayu kini terjamin*; **3.** = **pendidikan**;

pendidikan 1. perihal mendidik: ~ *kanak-kanak cacat belum diperluas lagi di negara kita*; **2.** = ilmu ~, ilmu didik, ilmu mendidik pengetahuan mendidik: *ia mahu mendalami lagi pelajarannya dlm hal ~ kanak-kanak*; **3.** didikan, latihan, ajaran: *merosotnya moral pemuda-pemudi kita ialah kerana kurang mendapat ~ rohani ketika di bangku sekolah*;

berpendidikan mendapat pendidikan (latihan): *kaum intelek Melayu yg ~ Barat masih ragu-ragu akan kemungkinan bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi*;

pendidik orang yg mendidik, guru: *sekarang Ali bertugas sbg ~ di sebuah sekolah di Kelantan;*

kependidikan hal (sifat dsb) yg berkaitan dgn pendidik.

didis Jw ark; **mendidis** mencari kutu, mengutui.

didong **1.** ark orang Perancis, orang Eropah (asing); **2.** peranakan, bercampur darah: *Belanda ~*; **3.** = *komedi* ~ ark sj wayang patung; **4.** ark pertunjukan tari-menari dan muzik.

diesel (disél) **1.** = *enjin* ~ = *mesin* ~ sj enjin pembakaran dalam yg nyalaannya dihasilkan oleh bahang drpd gas yg dimampatkan; *lokomotif* ~ Id kereta api berenjin diesel; **2.** = *minyak* ~ minyak galian yg digunakan sbg bahan api oleh enjin diesel.

diesius (diésius) (Bio) bkn tumbuhan yg organ pembiakan jantan dan betinanya tidak terdapat pd pokok dan bunga yg sama.

diestrus (diéstrus) (Bio) tempoh ketika tiada aktiviti pembiakan berlangsung bagi haiwan yg mempunyai beberapa kitar estrus dlm sesuatu musim membiak.

diet **1.** makanan dan minuman yg biasanya diambil oleh sesuatu kumpulan, seseorang individu, atau seseekor binatang; **2.** jenis dan banyaknya makanan yg ditetapkan utk seseorang atau seseekor binatang utk tujuan tertentu (spt mengawal berat badan dll): ~ *seimbang*; *pakar* ~ pakar dlm kajian saintifik tentang pengambilan, penyediaan, dan pengawalan makanan;

berdiet makan dan minum mengikut peraturan yg ditetapkan: *dia terpaksa ~ utk mengurangkan berat badannya.*

dietetik (diététik) kajian saintifik tentang diet dan pemakanan.

dif Ar jemputan atau tetamu khas dlm majlis: *segala ~ yg hadir telah mengambil tempat duduk masing-masing.*

difteria (diftéria) (Ubat) sj penyakit berjangkit (biasanya menjangkiti kanak-kanak) yg diakibatkan oleh bakteria *Corynebacterium*

diphtheriae, yg dicirikan dgn demam, sakit kerongkong, dan gangguan pernafasan.

diftong (Lin) gabungan dua bunyi vokal yg disebut dlm satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah spt *ai*, *au*, dan *oi*.

difusi perihal meresapkan atau menyebarkan (pengetahuan, kebudayaan, dsb), resapan;

berdifusi meresap (masuk ke dlm bahasa, kebudayaan lain, dsb):
sesuatu bahasa itu dikatakan ~ jika ia bergerak dan menyebar ke dlm bahasa lain.

digit mana-mana satu angka Arab dr kosong hingga sembilan, angka, nombor: *4204* *mengandung empat ~*; *~ perduaan* digit sifar atau satu dlm sistem perduaan;

berdigit mempunyai digit, digital: *jam ~*.

digital (Komp) beroperasi dgn menggunakan angka atau aksara lain utk mewakili data;

mendigitalkan menukarkan (data dsb) kpd bentuk digital supaya dapat diproses secara langsung oleh komputer;

pendigitalan proses (perihal, perbuatan dsb) mendigitalkan.

diglosia (Lin) kewujudan dua variasi bahasa dlm sesuatu bahasa mengikut situasi, yg satu lebih tinggi statusnya apabila berada dlm situasi formal berbanding dgn yg satu lagi dlm situasi tidak formal.

digniti 1. sifat yg mulia, kemuliaan, kebesaran: *mereka menganggap kerja mereka sbg satu profesion yg mempunyai maruah dan ~ tersendiri*; **2.** kedudukan (gelaran, pangkat, dll) yg tinggi: *sudah sampai masanya dunia filem tanah air diberi ~ tersendiri.*

digraf dua huruf berturut-turut yg mewakili satu bunyi (spt *ng*, *ny*, *sy*), dwihuruf, dwilambang, huruf rangkap.

dik singkatan bagi adik: *jangan menangis ~, sekejap lagi emak pulang.*

dikara sl indah, mulia; → **adikara**.

dikau engkau atau kamu (digunakan jika perkataan sebelumnya berakhiran huruf n): *akan ~; dgn ~*.

dikir **1.** ucapan (doa) utk memuji-muji Rasul, biasanya dgn berlagu (lazimnya diadakan ketika Maulud Nabi); **2.** lagu atau nyanyian dgn berpantun yg dilakukan beramai-ramai; ~ *barat* Kl lagu (nyanyian) beramai-ramai sambil berbalas-balas pantun; ~ *jelotah* sj tarian berserta dgn dikir beramai-ramai dlm upacara mengirik padi selepas menuai;

berdikir mengucapkan puji-pujian kpd Rasul (dgn berlagu): *datang seorang lagi mempersilakan Pak Lebai ke terataknya kerana hendak ~ maulud*; ~ *barat* Kl bernyanyi (berlagu) dgn berpantun beramai-ramai;

pendikir orang yg melagukan dikir; → **zikir**.

dikit; sedikit tidak banyak (bkn bilangan, nilai, kadar, dll), tidak seberapa: *berilah kami ~ kuih itu*;

~ *pedas* agak pedas; ~ *hari lagi* tidak lama lagi; ~ *sebanyak* lebih kurang;

~ *hujan banyak yg basah* prb kecelakaan yg kecil membawa akibat yg besar (pengetahuan sedikit tetapi bercakap besar); ~ *kerja banyak berantun* prb perihal kemalasan seseorang (orang yg tidak mahu berusaha membuat sesuatu);

sedikitnya **1.** = **sedikit-dikitnya, sedikit-sedikitnya** sekurang-kurangnya, yg paling kurang; **2.** jumlahnya yg sedikit; *banyak ~ banyaknya*, jumlahnya (banyak atau sedikit);

sedikit-sedikit **1.** setiap kali sedikit; ~ *lama-lama jadi bukit* prb sabar dan tekun mengerjakan sesuatu, akhirnya berjaya juga; **2.** walaupun sedikit;

menyedikit berkurang (sedikit-sedikit);

berdikit-dikit 1. sedikit demi sedikit: *wangnya telah dikumpulkan secara ~*; 2. berhemat, berhati-hati (bkn wang dll): *mereka boleh hidup sederhana dgn ~*;

mendikit-dikitkan, **menyedikitkan**, mengecilkan (mengurangkan) belanja dll, menjadikan sedikit: *mereka hendak ~ belanja supaya dapat menyimpan wang*;

mempersedikit menjadikan lebih sedikit;

tersedikit yg paling sedikit.

diko Id cat kereta dll;

mendiko menyemburkan cat (pd kereta dll).

dikotiledon (dikotilédon) tumbuhan drpd kumpulan Dicotyledonae yg mempunyai dua daun biji benih dan daun yg uratnya berselerak.

dikotomi pembahagian (pemisahan) antara dua kumpulan (kelompok dll) dlm sesuatu hal yg saling bertentangan: *dasar tadi menyebabkan kita selalu berfikir secara ~*; *~ ini tidak terbatas kpd dunia sastera dan budaya, malah menyebar ke seluruh lapangan kehidupan.*

diksa ark; **berdiksa** dilantik (sbg pendeta Buddha).

diksi (Lin) pemilihan dan penggunaan kata yg tepat dan berkesan utk mengungkapkan idea (peristiwa dll) secara bertulis atau lisan.

diktat IB catatan yg dibuat oleh pelajar ketika mengikuti pelajaran.

diktator pemerintah mutlak, terutamanya yg merampas kuasa tanpa mengikut perlembagaan dan menggunakannya secara zalim: *rakyat negara yg diperintah oleh seorang ~ jarang-jarang mempunyai kebebasan asasi*;

kediktatoran 1. pemerintahan oleh diktator: *pemerintahan ini mengambil rupa bentuk kerajaan satu parti atau ~ tentera*; 2. kuasa mutlak atau tertinggi.

diktatorial **1.** bkn pemerintahan yg bercirikan diktator; **2.** cenderung utk menjadi diktator.

dikte (dikté) IB menyalin (menulis) rencana, menulis tepat-tepat apa yg dibaca (diucapkan) oleh orang lain;

mendikte **1.** meminta (menyuruh) orang menulis apa-apa yg dibaca (diucapkan); **2.** menyuruh orang berbuat sesuatu dgn tidak membantah, menyuruh menurut sahaja;

mendiktekan **1.** menyuruh tulis apa-apa yg dibaca (diucapkan); **2.** menyuruh dgn paksa, memerintahkan: *apabila anakanda dapat memahamkan huraian kami ini, anakanda tidak akan berasa didiktekan sahaja oleh orang tuamu ini.*

diktum **1.** kenyataan rasmi yg dikemukakan oleh seseorang yg ada autoriti; **2.** pepatah yg menghuraikan sesuatu aspek hidup secara yg menarik: *ahli teologi Muslim menggunakan ~ ini utk mematahkan kecaman pihak musuh.*

dil; *buah* ~ sj bola yg keras; *(ber)main* ~ bermain bola keras dgn menggunakan tongkat spt dlm permainan hoki.

dila, dilah ark suluh, lampu.

dilam sj tumbuhan (herba), *Hemigraphis platycarpos*.

dilema (diléma) keadaan yg menyebabkan sukarnya membuat pilihan antara dua alternatif (benda, orang, situasi, dll) atau lebih; keadaan serba salah: *ini kerana Soviet Rusia sendiri kini berada dlm ~ berkaitan dgn pelibatannya di Afghanistan.*

dim I ukuran (satuan) panjang lebih kurang 1/12 kaki atau 25.4 mm, inci.

dim II; *lampu* ~ Id lampu kecil di depan kereta.

dimensi (diménsi) **1.** ukuran saiz sesuatu (spt tinggi, panjang, lebar) atau garis pusat: *dlm rajah yg kamu lukis itu, tunjukkan ~nya; cara ideal ialah audiovisual dan tiga ~;* **2.** aspek: *apakah ~ baru yg*

harus kita cari, terokai, dan membinanya supaya kecemerlangan itu akan menjadi sesuatu yg hakiki dan abadi?

berdimensi mempunyai dimensi;

mendimensi mengambil ukuran, mengukur.

dimiti (Tks) sj fabrik drpd kapas yg mempunyai corak berjalur-jalur dsb yg timbul, biasanya digunakan utk membuat cadar, langsir dsb.

dimpit → **dempet**.

dim sum sj makanan masyarakat Cina yg diperbuat drpd adunan tepung berisi inti daging, sayur dsb yg dikukus.

din Ar agama; *hari* ~ = *Yaumiddin* hari kiamat.

dina I; *hina*-~; → □ **hina**.

dina II; ~*hari* sl dinihari.

dinamik I bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan: *pembangunan masyarakat yg lebih ~ harus mendapat perhatian yg tajam drpd orang ramai;*

mendinamikkan menjadikan dinamik;

kedinamikan keadaan atau sifat dinamik.

dinamik II cabang ilmu mekanik yg berkaitan dgn daya dan hubungannya dgn gerakan jasad.

dinamis IB → **dinamik I**.

dinamisir IB; **mendinamisir** bp menjadikan (membuat, menyebabkan jadi) dinamik.

dinamisme sifat dinamik: *kami berharap reka bentuk baru ini memberi suasana segar kpd majalah ini dan memancarkan ~ baru yg terdapat padanya; makalah ini bertujuan menyerlahkan aspek kreativiti dan ~ dlm bahasa pengiklanan.*

dinamit bahan letupan yg kuat (boleh menghancurkan batu-batu);

mendinamit menghancurkan (meleburkan, merosakkan) dgn dinamit.

dinamo sj alat utk menukar tenaga mekanik kpd tenaga elektrik, terutamanya yg mengeluarkan arus terus.

dinar sl **1.** kepingan wang emas; **2.** mata wang.

dinas Id **1.** jabatan (kerajaan yg mengurus tugas tertentu): ~ *kehaiwanan*;
2. sesuatu yg bersangkutan dgn jabatan: *pakaian* ~; *rahsia* ~; *ikatan* ~ perjanjian utk bekerja dgn kerajaan apabila tamat belajar;
3. masa berkhidmat (dgn kerajaan, syarikat, dll); **4.** sedang bertugas (bekerja).

dinasti **1.** jurai raja-raja pemerintah yg berasal drpd satu keturunan (keluarga): *mengikut suatu rekod drpd ~ Ming, Laksamana Yin Ching mengunjungi Melaka dlm tahun 1403*; **2.** tempoh sesebuah negeri diperintah oleh raja-raja yg berasal drpd satu keturunan.

dinda singkatan bagi adinda.

dinding **1.** penutup (penyekat) ruang, bangunan, bilik, dll yg dibuat drpd kayu, bata, dll; *sebuah gambar tergantung di ~*; *lampu* ~ lampu yg disangkutkan di dinding; **2.** sesuatu yg menyerupai dinding: ~ *abdomen*;

~ *kambi* papan (kayu) pd kaki dinding; ~ *sel* selaput yg menyelaputi sel; ~ *tepas* dinding yg dibuat drpd pelepah daun kumbar;

~ *teretas*, *tangga terpasang* prb bukti yg cukup utk menyatakan sesuatu hal; *jadi* ~ *tasak peti permainan* prb orang harapan raja dan orang besar-besar;

berdinding, berdindingkan menggunakan (memakai) dinding: *rumah panjang itu beratapkan daun bertam dan ~ kulit kayu*;

mendinging **1.** memasang (melekatkan) dinding: *ayah saya tidak ada, dia pergi ~ rumah Pak Ngah Talib*; **2.** berupa dinding, spt

dinding: *bukit-bukit yg dipenuhi hutan tebal ~ ke sebelah barat kampung saya;*

mendindingi merupakan dinding (utk menyekat, melindungi, menahan, menutup, merintang, dll), menjadi dinding pd: *pokok bunga di sekeliling perigi itu ~ orang yg mandi drpd pelihatan orang ramai; pakatan SEATO ditubuhkan utk ~ kemaraan kuasa Komunis;*

mendindingkan menggunakan sesuatu spt dinding; ~ *tangan meletakkan tangan di atas dahi supaya tidak silau dll;*

terdinding tersekat oleh dinding, tersekat, terlindung: *jikalau iman tidak teguh, segala godaan syaitan mungkin tidak ~ lagi;*

pendindingan perihal atau perbuatan mendinding(i) atau mendindingkan;

pendinding penutup, penyekat, penghalang, pelindung: *agama bukan sahaja menjadi petunjuk ke jalan hidup yg sebenar, tetapi juga merupakan ~ drpd godaan hawa nafsu;*

doa ~ doa utk melindungi diri drpd mara bahaya; kain ~ miang, wang ~ malu prb berbuat (menggunakan) sesuatu biarlah kena pd tempatnya.

dines → dinas.

ding; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ali (dedingin), Smilax myosotiflora.*

dingin **1.** tidak panas (hangat), sejuk: *hari masih pagi, cuaca belum begitu terang dan hawa ~ sekali;* **2.** ki tidak meriah (sambutan keramaian dsb): *sambutan perayaan Hari Kebangsaan pd tahun ini agak ~ jika dibandingkan dgn tahun yg sudah-sudah;* **3.** ki tidak mengambil berat (bkn layanan), tidak mesra (bkn perhubungan dsb), sepi: *sejak akhir-akhir ini, Jamaludin bersikap ~ terhadapnya; hubungan ~ hubungan (antara orang, negara, dll)*

yg tidak erat dan mesra; **4.** ki basi (bkn berita, cerita, dsb), kasip; **5.** menghilang (bkn kemarahan), reda; *perang* ~ perselisihan dgn tidak menggunakan kekerasan senjata;

~ *hati* tidak riang (berminat, bersemangat, dll); ~ *kepala* berfikiran tenang dan waras; ~~~ *panas* sekejap dingin sekejap panas; ~ *tangan* selalu berhasil membuat pekerjaan (spt bertanam, mengubat, dll); *nasi tak* ~ *pinggan tak retak* prb perihal cermatnya melakukan sesuatu;

mendingin 1. menjadi (terasa) dingin: *apabila hari berlanjut malam, hawa turut pula* ~; **2.** Mn tidak berapa sihat, kurang sihat; *tidak menghangat* ~ prb tidak ambil peduli;

mendingini 1. = **mendinginkan** menjadikan dingin: *terasa olehku air matanya* ~ *pipiku*; **2.** ark berubat (utk menyihatkan badan);

mendinginkan 1. menjadikan (membuat supaya) dingin: *klorin juga boleh menjadi cecair jika dipadatkan dan didinginkan*; **2.** ki menyejukkan, menenangkan (kemarahan, fikiran, dll): *dia hendak* ~ *otak serta memperlihatkan dia orang yg terpandang dan terhormat*;

kedinginan 1. kesejukan, kena sejuk: *dia meraba-raba mencari selimut utk melindungi diri drpd* ~; **2.** keadaan yg dingin: *mereka menyalakan tungku pemanas bilik utk mengimbangi* ~ *yg bermaharajalela itu*;

pendinginan perihal atau perbuatan mendinginkan;

pendingin 1. alat (perkakas, bahan, dsb) utk mendinginkan: *air batu kering sangat-sangat berguna sbg* ~ *kerana tidak meninggalkan cecair*; ~ *udara* alat utk mendinginkan udara; *lemari* ~ Id peti ais (air batu); **2.** ki lekas marah, pemaarah: *Mariam merasai seleranya telah berubah, perutnya kerap kali mulas, dia pemalas, ~ dan bangunnya terlambat dr biasa.*

dingin beku (menjadi) beku kerana terlampau sejuk (bkn cecair spt air dll);

mendinginbekukan menjadikan beku dgn menyejukkan berlebihan: *cecair karbon dioksida ini mudah didinginbekukan menjadi pepejal*;

terdingin beku (telah) menjadi beku kerana terlampau disejukkan.

dingkelik Jw bangku tempat letak kaki.

dingkis 1. = *ikan* ~ sj ikan laut, *Siganus spp.*; **2.** = ~ *gebang* sj ikan laut, *Acanthurus dussumierri*.

dingkit Mn; **berdingkit-dingkit** berasak-asak, bersesak-sesak, bertolak-tolak.

dingo sj anjing liar di Australia, *Canis dingo*.

dini; *rotan* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Flagellaria indica*.

dinihari (hari, waktu) fajar belum menyinsing, lebih kurang pukul 3-5 pagi, pagi-pagi benar: *pertempuran itu mula berlaku pd waktu petang dan melarat hingga waktu ~*; *hulu* ~ lebih kurang pukul 3.30 pagi.

dinis ark bp dinas, dines.

dinosaur reptilia pupus (kebanyakan bersaiz besar) drpd order Saurischia dan Ornithischia.

diod (Kej) peranti semikonduktor yg membolehkan aliran arus satu arah sahaja dan banyak digunakan dlm litar elektronik sbg penerus atau pemangkas.

dioksida (Kim) oksida yg mengandungi dua atom oksigen: *karbon* ~.

Dip. kep diploma.

dipan IB sj bangku panjang yg rendah.

dipati → **adipati**.

diploma (sijil) kelayakan yg biasanya lebih rendah tarafnya atau lebih khusus sifatnya drpd ijazah: *dia baru lulus drpd latihan pertanian*

dan ~nya terpampang di dinding rumahnya; dia mengikuti kursus ~ pendidikan di Universiti Malaya;

berdiploma sudah mendapat diploma.

diplomasi **1.** seni atau amalan mengurus hubungan antarabangsa: *kemenangan ~ Inggeris itu disebabkan oleh kebijakan para diplomatnya; wakil-wakil ~* Id wakil-wakil negara asing spt duta (kuasa usaha dll); **2.** seni dan kemahiran mengurus dgn seseorang tanpa menyinggung perasaannya: *licin sekali ~ Pak Ali meminta yuran hingga sedikit sahaja ahli yg tidak membayar hutang;*

berdiplomasi **1.** mengurus hubungan antarabangsa; **2.** mengendalikan seseorang dgn berhati-hati (tidak dgn terlalu berterang-terangan).

diplomat **1.** pegawai kanan (duta dll) yg dilantik utk mewakili negaranya dlm hubungan antarabangsa; **2.** orang yg mahir mengurus dgn seseorang tanpa menyinggung perasaannya: *suruhanjaya itu telah juga menyediakan rangka perjanjian tentang keutamaan dan hak para ~.*

diplomatik **1.** bkn hubungan antarabangsa: *kenyataan pejabat negara ini telah menggemparkan kalangan ~ British; banyak negara telah mengadakan hubungan ~ antara satu sama lain;* **2.** bp dgn berhati-hati (samar-samar) apabila mengatakan sesuatu.

diploopia (Ubat) kecacatan pelihatan yg menyebabkan satu objek dilihat berganda.

dipsomania (Psi) keinginan yg keterlaluan utk minum minuman keras.

dirah; *baju* ~ sl baju besi; → **zirah.**

diraja **1.** sl kependekan drpd adiraja; *raja* ~ sl raja yg maha mulia; *angkatan raja ~, panca raja* ~ sl jenazah utk raja-raja; **2.** hak (milik, dinaungi oleh) raja: *Askar Melayu D~; titah* ~ titah rasmi yg disampaikan oleh raja.

direksi (diréksi) IB pemimpin (sesuatu perniagaan dll), majlis pemimpin (perniagaan dll).

direktif (diréktif) arahan yg dikeluarkan oleh pihak berkuasa atau pihak atasan: *Perdana Menteri telah memberitahu para pemberita yg beliau telah pun mengirinkan ~ kpd wakilnya di Bangsa-Bangsa Bersatu.*

direktorat (diréktorat) bahagian dlm sesebuah jabatan kerajaan yg bertanggungjawab menjalankan tugas atau fungsi tertentu: ~ *ini juga menjalankan penyelidikan mengenai penyakit dan kesan sampingan penggunaan baja dan racun ke atas tanaman.*

direktori (diréktori) (Komp) fail yg mengandungi maklumat spt nama, sifat, dan kedudukan fail yg terkandung di dlm cakera.

direktur (diréktur) IB pengarah, ketua (pemimpin tertinggi) dlm sesuatu badan atau perusahaan, ketua sekolah menengah (lanjutan dll).

dirgahayu sl (mudah-mudahan) lanjut usia, panjang umur.

dirham **1.** ark kepingan wang perak; **2.** unit mata wang Maghribi dan Emiriah Arab Bersatu; **3.** mata wang kecil yg digunakan di Libya (1000 dirham bersamaan dgn 1 dinar).

diri I **1.** batang tubuh, orang seorang, empunya badan: *apalah nasib ~ku ini merantau di tempat orang, pandai-pandai membawa ~; nama (peng)ganti ~* Id kata ganti (aku, engkau, dll); *nama ~* nama khas (Ali, Busu, Perak, dll); **2.** sendiri (bukan orang lain), badan sendiri: *membunuh ~; menyerah ~; memohon ~* meminta izin hendak pulang atau beredar; **3.** sl awak, kamu, engkau (semua): *hai Dang Saji, Dang Merdu! Bermainlah ~ barang rupanya di hadapan Tun Tuah ini;*

keDIRIAN ark peribadi.

diri II; berdiri **1.** tegak di atas kaki, tidak berbaring (duduk, mencangkung, dsb), bangkit dan tegas: *setelah khutbah selesai*

dibaca, maka masing-masing pun ~ utk bersembahyang; kami terpaksa ~ sahaja dlm dewan itu kerana kerusi yg disediakan tidak mencukupi; 2. (telah) diadakan atau ditubuhkan (bkn negara, pertubuhan, dll), telah ada: DBP sudah ~ sejak tahun 1956 lagi; 3. = ~ atas berdasarkan, berasaskan, (bergantung, bersandar) pd: berjaya tidaknya rancangan yg baru itu ~ atas sokongan yg diterima drpd orang ramai; ~ atas kaki sendiri tidak bergantung pd orang lain; 4. = ~ atas = ~ drpd berasal (bermula, terbitnya, terjadi) drpd;

~ di belakang (pemerintah) menyokong atau berpihak (kpd pemerintah); ~ (bertegak) lutut duduk dgn lutut didirikan (ditegakkan); ~ sendiri tidak bergantung pd orang lain; ~ sama tegak, duduk sama rendah prb sama setaraf, sejajar dgn;

mendirikan 1. menjadikan berdiri, menegakkan: *tiang gol di padang sekolah kami telah pun didirikan pagi tadi; 2.* membina (rumah, bangunan, dsb), membangunkan: *penduduk di situ bekerjasama ~ surau di kampung itu; 3.* menubuhkan (persatuan, perkumpulan, dll): *penduduk kampung kami sebulat suara bersetuju utk ~ sebuah kedai syarikat; ~ rumahtangga berkahwin;*

terdiri 1. (telah sedia) berdiri atau didirikan, (tiba-tiba, masih) berdiri: *perempuan muda yg sedang menaiki tangga itu terhenti dan ~ apabila namanya dipanggil; berhambuslah segera, aku benci melihat muka-muka pengecut ~ di hadapanku; 2.* telah didirikan (dibina, dibangunkan), terbina, terbangun: *di kiri kanan lorong sempit itu, ~ beberapa buah rumah; 3.* sl dapat bertahan: *maka segala rakyat Indera Puri Negara dgn hulubalang empat itu lalu pecah tiada ~ lagi lalu larilah datang kpd Sardal dan Kamdakata; ~ drpd terbentuk (terjadi, terjalin) drpd: mereka yg menyerang dan merompak itu ~ drpd pemuda-pemuda yg telah*

rosak akhlak; penaja perkumpulan ini hanya ~ drpd dua orang sahaja;

dirian (Hut) jumlah pokok (kayu balak) yg terdapat dlm suatu kawasan hutan, biasanya dinyatakan dlm isi padu per unit keluasan;

pendirian **1.** pegangan (bkn fahaman, pendapat, dll) utk menimbang atau menilai sesuatu: *menjaga keselamatan hendaklah dijadikan ~ bukannya hanya kerana taat kpd peraturan;* **2.** perihal mendirikan sesuatu: *ketika mengikir, tentukan ~ yg betul alat yg hendak dikikir itu;* **3.** pembinaan, pembangunan: *~ bangunan itu dibiayai oleh kerajaan negeri;* **4.** dasar (sikap, keputusan, dsb) yg dijadikan pegangan utk memandag atau menilai sesuatu hal: *Malaysia tetap dgn ~nya ingin menjadikan rantau ASEAN ini kawasan aman, bebas, dan berkecuali;* **5.** ark bangunan, binaan; **6.** ark lembaga, perbadanan, pertubuhan;

berpendirian mempunyai pendirian, berpegang teguh (pd sesuatu pendapat, fahaman, dsb): *saya masih ~ bahawa Karl Marx telah membuat suatu ramalan yg meleset;*

pendiri **1.** = **sependiri** sepanjang (setinggi) orang berdiri; **2.** penaja sesuatu perkumpulan (perbadanan dll); **3.** orang yg mendirikan atau mengasaskan sesuatu: *semua ahli teori ini ialah ~ teori sastera Barat.*

dirigen (dirigén) IB pemimpin orkes.

diris; mendiris menyiram, mengairi;

pendiris; ~ hati ark penyejuk hati; **dirus, jirus I.**

dirus; mendirus menyiram: *tiap-tiap petang kalau tidak hujan, Busu ~ pokok bunganya;*

mendiruskan menyiramkan: *maka diambil oleh Raja air mawar tujuh buyung, maka disiramkan serta didiruskan pd tubuh laksamana;*

pendirusan **1.** perihal atau perbuatan mendirus, penyiraman; **2.** tempat atau bilik mandi; **diris, jirus I.**

dis I IB, bp dinas (tentera).

Dis II kep Disember.

disakarida (Bio) sekumpulan karbohidrat yg terdiri drpd dua gula monosakarida, mis maltosa dan sukrosa.

diseksi (diséksi) (Ubat) pemotongan dan pengasingan tisu.

Disember (diséمبر) bulan yg kedua belas tahun Masihi (bulan ini mengandungi 31 hari).

disenteri (disénteri) sj penyakit yg dicirikan oleh cirit-birit, biasanya keluar lendir dan darah.

disertasi pengolahan bertulis yg panjang dan terperinci tentang sesuatu perkara yg diserahkan utk mendapatkan ijazah tinggi.

disfasia (Ubat) gangguan pertuturan yg disebabkan ketidakupayaan menyelaraskan dan menyusun perkataan dlm ayat.

disfemisme (disfémisme) (Lin) ungkapan atau kata yg kasar utk menggantikan ungkapan atau kata yg halus (lembut, sopan dsb).

disfonia (Lin) (Ubat) ketidakupayaan atau kesukaran utk mengeluarkan bunyi pertuturan.

disfungsi (Ubat) keadaan tidak dapat berfungsi dgn sempurna (bkn sesuatu organ atau bahagian tubuh): ~ *hati dan buah pinggang.*

disgrafia (Ubat) ketidakupayaan utk menulis dgn betul disebabkan oleh kerosakan pd bahagian otak.

disharmoni **1.** canggung, janggal, tidak secocok; **2.** kecanggungan, kejanggalan.

disimilasi (Lin) proses atau hasil dua bunyi yg berubah (menjadi tidak sama) akibat pengaruh satu bunyi ke atas satu bunyi yg lain, mis *arbor* drpd bahasa Latin yg bermaksud *pokok* menjadi *arbol* dlm bahasa Sepanyol, dan *epta* drpd bahasa Greek Kuno yg bermaksud *tujuh* menjadi *efta* dlm bahasa Greek Moden.

disinfeksi (disinféksi) (Ubat) pembasmian kuman yg boleh menyebabkan penyakit, biasanya dgn menggunakan disinfektan.

disinfektan (disinféktan) (Ubat) agen (bahan) pembunuh kuman yg digunakan utk mensterilkan sesuatu (spt radas pembedahan dan makmal).

disinflasi (Eko) proses mengurangkan atau berlakunya pengurangan kadar inflasi yg tinggi.

disiplin 1. latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pd tatatertib: ~ *ketenteraan yg ketat*; **2.** peraturan yg ditetapkan utk melatih seseorang supaya berkelakuan baik: *guru besar akan mengambil tindakan terhadap pelajar yg melanggar ~*; **3.** kepatuhan kpd peraturan yg telah ditetapkan: *mereka sentiasa menunjukkan ~ yg baik utk menjaga nama baik sekolah mereka*; **4.** hukuman atau denda kerana melanggar sesuatu peraturan yg ditetapkan: *tindakan ~ akan dikenakan terhadap pemandu bas yg tidak cermat*; **5.** bidang atau lapangan kajian: *fonemik adalah satu ~ dlm bidang linguistik*;

berdisiplin patuh (taat) pd (peraturan dll): *tentera meriam Portugis yg ~ itu berjaya memusnahkan askar Melaka*; *kejayaan sesuatu usaha yg dilakukan bergantung pd kumpulan pekerja yg cekap, berdedikasi dan ~*;

mendisiplinkan membuat supaya berdisiplin: *ibu bapa dan guru-guru bertanggungjawab ~ kanak-kanak.*;

pendisiplinan perbuatan mendisiplinkan: ~ *penulis kpd tatasusila kepujangaan;*

pendisiplin orang (biasanya yg ada kuasa) yg mendisiplinkan orang lain: *menggunakan kekuasaan sbg ~ bagi seseorang.*

disipliner (disiplinér) IB berdisiplin.

diskaun potongan drpd harga atau nilai penuh sesuatu barang atau perkhidmatan;

mendiskaun memberikan diskaun;

pendiskaunan perihal mendiskaun.

disket (diskét) kepingan magnetik drpd plastik yg digunakan utk merakamkan data dsb dgn komputer, cakera liut: *difahamkan lebih 3000 ~ mengandungi maklumat perikanan negara yg dikumpulkan sejak tiga tahun lalu musnah dlm kebakaran itu.*

disko sj kelab malam atau tempat hiburan utk pengunjungnya (biasanya anak-anak muda) menari mengikut muzik pop yg biasanya kuat dan rancak; *muzik (tarian) ~ sj muzik (tarian) rancak yg biasanya dimainkan (ditarikan) di disko;*

berdisko menari mengikut rentak muzik disko: *mereka asyik ~ hingga hampir ke waktu Subuh.*

diskonto IB potongan harga yg diberikan kerana pembayaran yg dibuat sebelum waktunya.

diskriminasi perlakuan membeza-bezakan warna kulit, keturunan, dsb: ~ *terhadap bangsa berkulit hitam telah mulai luput sekarang; perkara ~ yg dilakukan oleh pihak yg berkuasa itu tidaklah patut didiamkan sahaja;*

~ *harga* pengenaan harga yg berbeza-beza bagi barang atau perkhidmatan yg sama kpd pembeli yg berlainan; ~ *kaum* layanan yg berbeza-beza terhadap kaum yg berlainan kerana prasangka terhadap kemahiran, kebolehan, keistimewaan hak dsb; ~ *ras*

diskriminasi kaum; ~ *sosial* perihal membeza-bezakan seseorang dr segi kedudukannya dlm masyarakat;

berdiskriminasi berbeza tindakan atau layanan terhadap sesama anggota masyarakat kerana berlainan warna kulit, agama, dll: *para pengarang meramalkan bahawa pengguna media massa ~ dlm membuat pilihan tentang media;*

mendiskriminasikan membeza-bezakan (dr segi layanan): *golongan ini telah didiskriminasikan oleh golongan manusia yg lebih beruntung drpd mereka.*

diskriminatif bersifat membeza-bezakan (dr segi layanan): *pemberian kredit telah dibuat secara ~ sekali.*

diskus sj piring bulat dan berat drpd logam, kayu, dsb yg dilemparkan sejauh-jauhnya dlm salah satu acara sukan cakera.

diskusi perbincangan mengenai sesuatu hal: *majlis ~ yg mula-mula diadakan oleh PENA bertempat di Kuala Lumpur;*

berdiskusi berbincang: *setiap hari mereka ~ tentang persoalan-persoalan dlm pelajaran mereka;*

mendiskusikan membincangkan sesuatu hal: *perkara yg akan didiskusikan nanti bukanlah mengenai soal novel.*

dislalia (Ubat) ketidakupayaan bertutur dgn sempurna disebabkan oleh kecacatan pd alat pertuturan luar.

disopia (Ubat) gangguan atau cacat pelihatan.

disorientasi (disoriéntasi) proses atau keadaan yg mengelirukan atau membingungkan berhubung dgn masa, tempat dan identiti: *juruterbang mengalami ~ dan tidak dapat mengawal helikopternya; sesungguhnya budaya lepak hanya satu manifestasi kecil dari gejala yg lebih besar, iaitu ~ budaya.*

dispareunia (disparéunia) (Ubat) kesakitan atau kesukaran semasa bersetubuh bagi wanita.

dispensari (dispénsari) tempat mendapatkan obat.

dispensasi (dispénsasi) IB kekecualian drpd sesuatu kewajiban atau larangan.

dispepsia (dispépsia) (Ubat) rasa sakit dlm perut dan di sekitar sudu hati, biasanya disebabkan oleh ketidakhadaman makanan.

disprosium (Kim) sj unsur logam.

distaksia (Ubat) kesukaran mengawal pergerakan yg menyebabkan kaki dan tangan menggeletar dan sukar utk berjalan spt biasa.

distingtif (bkn ciri, sifat dsb) jelas membezakan sesuatu drpd sesuatu yg lain, tersendiri: *bahasa Austronesia tidak selalu memperlihatkan ciri-ciri yg ~ dlm penentuan kategori gramatis; potensi utk berjaya banyak bergantung kpd ilmu pengetahuan yg diamalkan dan kualiti individu yg ~.*

distosia (Ubat) proses bersalin yg sukar dan lambat disebabkan oleh pelbagai masalah, spt kontraksi rahim yg tidak berkesan dan ketaknormalan saiz fetus.

distribusi Id **1.** pembahagian (pengedaran) barang-barang; **2.** catuan barang-barang;

mendistribusikan **1.** membahagi-bahagikan (menghantar, mengedarkan) barang-barang (kpd wakil-wakil penjual, pekedai-pekedai runcit dll); **2.** mencatu barang-barang.

distrik **1.** kawasan yg diketuai oleh seorang pegawai daerah; **2.** Id kawasan yg tertentu dlm sesuatu hal (spt daerah pemilihan dll).

disulfida (Kim) sebarang sebatian yg mengandungi dua atom sulfur yg terikat pd radikal atau unsur, mis karbon disulfida CS₂.

disuria (Ubat) rasa sakit atau kesukaran semasa kencing.

dito sama spt yg tersebut dahulunya atau sebelumnya.

diuresis (diurésis) (Ubat) pembuangan air kencing secara berlebihan.

diuretik (diurétik) (Ubat) bkn sesuatu yg bertindak utk meningkatkan aliran kencing.

diurnal (Bio) **1.** bkn bunga yg kembang pd siang dan kuncup pd malamnya; **2.** bkn haiwan yg aktif pd waktu siang dan tidur pd malamnya.

dius I kedudukan seri dlm permainan (tenis, pingpong, dll) yg memerlukan seorang pemain mendapatkan dua mata berturut-turut utk memenangi permainan.

dius II sejumlah wang yg kena dibayar sbg yuran (spt utk keahlian sesuatu persatuan).

diva penyanyi wanita yg sangat masyhur atau terkenal: *namanya kini terserlah sbg ~ pop.*

diversifikasi perbuatan atau hal mempelbagaikan pengeluaran dll.

diversiti keadaan (sifat, bentuk dsb) yg berbagai-bagai, kepelbagaian: *pembiakan hidupan liar semakin terjejas dan ini sekali gus mengancam ~ hutan kita.*

dividen bahagian keuntungan yg dibayar kpd pemegang saham dlm sesuatu syarikat;

~ *bonus* dividen tambahan yg berupa saham atau tunai kpd dividen yg telah diisytiharkan sebelumnya; ~ *saham* dividen yg diterima oleh pemegang saham yg berupa tambahan saham (bukan dlm bentuk tunai).

divisi IB ketumbukan tentera.

divisyen 1. unit tentera yg merupakan sebahagian drpd kor, biasanya terdiri drpd 10 000 - 15 000 orang anggota dan dibahagikan kpd tiga brigid; **2.** kelompok yg terdiri drpd beberapa pasukan dlm sesuatu liga (bola sepak dsb): *pasukannya gagal mengalahkan pasukan sulung dlm ~ ini.*

diwangsa → **adiwangsa.**

DJ kep *disc jockey* (orang yg memperkenalkan dan memainkan lagu (muzik) dlm rancangan di radio, disko dsb, biasanya petah berceloteh utk menarik perhatian pendengar, penonton atau pengunjung).

DK kep Darjah Yang Utama Kerabat Diraja (yg dianugerahkan oleh seseorang raja kpd raja lain atau kpd seseorang anggota kerabat baginda).

dll kep dan lain-lain.

dlm kep dalam.

DMN kep Darjah Utama Seri Mahkota Negara (yg dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong kpd raja-raja dan ketua-ketua negara asing dll).

DNA kep *deoxyribonucleic acid* (juzuk utama yg membentuk bahan genetik (bahan penentu ciri-ciri kebakaan) kebanyakan organisma hidup, termasuk sesetengah virus yg terkandung di dlm nukleus sel organisma yg berkenaan).

doa **1.** permohonan (permintaan) kpd Tuhan: ~ *Aini supaya Murad berbahagia dlm hidupnya*; **2.** kebaikan (yg dipinta) dgn restu drpd Tuhan: *dia memohon ~ agar anaknya lulus dlm peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia*; **3.** potongan ayat terutama drpd Quran (hadis dsb) yg dibaca utk memohon sesuatu kebaikan drpd Tuhan: *setiap kali selepas sembahyang, dia membaca berbagai-bagai ~*;

~ *arwah* doa yg dibaca (sewaktu sembahyang mayat dll) utk orang Islam yg telah meninggal dunia dan ditujukan juga kpd orang-orang yg masih hidup; ~ *musafir* doa yg dibaca (oleh orang Islam) sewaktu dlm perjalanan supaya dijauhkan drpd sebarang kemalangan dsb; ~ *panjang umur* doa yg dibaca (oleh orang Islam) utk memohon kpd Tuhan supaya dilanjutkan usia; ~

pendinding doa yg dibaca (oleh orang Islam) utk menjauhkan diri drpd bahaya; ~ *pengasih* jampi utk membuat orang kasih pd kita; ~ *restu* doa (permintaan) yg diharapkan mendapat berkat drpd Tuhan; ~ *selamat* = ~ *kesyukuran* doa kerana mengucap syukur kpd Tuhan atas pemberian-Nya atau kerana meminta berkat; ~ *tolak bala* doa yg dibaca selepas bersembahyang utk meminta kpd Tuhan supaya dijauhkan drpd sebarang bala (spt wabak penyakit dsb);

berdoa, mendoa meminta (memohon) kpd Tuhan, mengucapkan (menyampaikan) doa: *bangun pagi sembahyang subuh kemudian ~ kpd Tuhan; aku ~ semoga Tuhan mendekatkan aku kpd kebaikan dan menjauhkan aku drpd kejahatan;*

mendoakan memohonkan sesuatu kpd Tuhan: *aku ~ semoga kau berbahagia selalu; dia sentiasa ~ keselamatan anak-anaknya.*

doang = doangan Jk hanya, sahaja, jua, semata-mata.

dobel Id berpasangan (rangkap), kembar, dua kali;

mendobel, mendobelkan membuat (menjadikan) berpasangan (spt melipat, mengembarkan dll), merangkapkan.

dobi = *tukang* ~ orang yg kerjanya mencuci dan menggosok kain baju pelanggannya di rumahnya (tempatny) sendiri, benara, benatu, penatu; *hantar* ~ menghantar pakaian ke kedai dobi utk dibasuh dan digosok;

berdobi telah dibasuh dan digosok oleh tukang dobi: *semua pakaiannya ~;*

mendobi 1. membasuh dan menggosok pakaian orang (bkn tukang dobi): *dia sudah lama bekerja ~;* **2. = mendobikan;**

mendobikan menghantar pakaian utk dibasuh dan digosok oleh tukang dobi: *Zakaria ~ semua pakaiannya.*

doble (doblé) Id tembaga dll yg bersalut emas.

dobol I → **dobel**.

dobol II Jk berlubang atau bocor (karung, guni, dll).

dobolo ark; *bermain* ~ bermain terup (dua puluh satu).

dobrak Jk; **mendobrak 1.** memecahkan (merosakkan) pintu dll: *saya terpaksa ~ pintu bilik saya kerana kehilangan kunci*; **2.** melanggar (barisan musuh dll), merempuh;

pendobran 1. perihal atau perbuatan merosakkan atau memecahkan pintu (pagar dll); **2.** penggemburan (barisan pertahanan musuh dll).

dodekagon (dodékagon) poligon yg mempunyai dua belas sisi.

dodekahedron (dodékahédron) bongkah yg mempunyai dua belas permukaan yg rata.

dodet (dodét) Jk; **mendodet** membelah (membedah) perut dll.

dodoi lagu (nyanyi) yg didendangkan utk menidurkan anak, dondong, pengulit: *maka Pangkulun pun minta halal segala dukung kilik, ~ dan lala serta air susu drpd ibunya*;

mendodoikan melagukan (menyanyikan) utk menidurkan anak, mendondong, mengulitkan: *dr jauh kedengaran suara itu ~ anaknya dgn pantun-pantun tua*;

dodoian dodoi: ~ yg *sumbang juga berguna kpd bayi yg mendengar perubahan rentak dan nada*.

dodok ark Jw bercanggung, bertinggung; *berlaku* ~ ark berjalan dgn bercanggung.

dodol I = *kuih* ~ sj penganan yg dibuat drpd campuran tepung pulut, gula melaka, dan santan (kadang-kadang dicampurkan durian) yg dimasak sambil dikacau sehingga kental.

dodol II; *mangga* ~ Id sj mempelam.

dodong I ark sj golok (parang).

dodong II Mn; **terdodong** tersodor, terlajak, terlanjur.

dodor; kedodoran Jk longgar (pakaian), tidak kemas.

dodos ark; **mendodos** menarah (utk melicinkan papan), mengetam.

dodot sj kain (drpd batik atau cindai) yg dipakai sbg pakaian istana atau dlm majlis tertentu (oleh pengantin dsb).

dogan sj burung hantu, *Bubo sumatranus*.

dogel (dogél) tidak berbulu atau tidak berekor (bkn ayam), togel.

dogeng (dogéng) ark dogel.

doger (dogér) sj tarian Sunda.

dogma kepercayaan atau sistem kepercayaan (agama dll) yg dianggap benar dan seharusnya dapat diterima oleh orang ramai tanpa sebarang pertikaian.

dogmatik 1. (bkn orang) berkeras memperjuangkan pandangan peribadinya tanpa menghiraukan bukti yg ada dan mempertimbangkan pandangan lain yg mungkin benar: *mereka tidak dapat dipengaruhi oleh pendapat atau kata-kata ~*; **2.** berpegang pd dogma;

kedogmatikan sifat dogmatik.

dogmatis IB dogmatik.

dogmatisme fahaman yg berdasarkan dogma.

dogol I 1. tidak bertanduk (lembu dll), tidak berambut (manusia), botak, tidak berbalung (ayam); **2.** = **berdogol** berbenjol, berbencot;

mendogolkan membotakkan (kepala);

kedogolan 1. perihal dogol, kebotakan (kepala); **2.** bp perihal bodoh, kebodohan.

dogol II bodoh, tolol, bebal.

doh tepung yg telah dicampurkan air dll dan diuli utk dibuat roti, pastri, dsb.

dohok Mn; **terdohok** terlajak (ke depan), terlangsung (hendak jatuh), terdorong; ~ *muncung* terlanjur cakap, terlepas cakap.

doili lapik kek, hidangan dsb di atas pinggan yg dibuat drpd kertas, linen dsb yg berupa spt renda.

dok I limbungan (utk menyangga kapal yg akan dibaiki);

~ *apung* Id dok yg terapung; ~ *basah* dok yg dipenuhi air bagi membolehkan kapal terapung; ~ *darat* Id dok di darat; ~ *kering* dok yg airnya boleh dipam keluar utk membolehkan kerja membaik pulih bahagian bawah kapal dijalankan.

dok II; didok bp Id ditembak mati.

dokar Id sj kereta yg beroda dua, delman;

berdokar naik dokar.

doket Tr terpacak: *lembing yg aku rejamkan tadi ~ pd batang pisang.*

doket (dokét) dokumen yg menyenaraikan (merekodkan) barang yg dihantar, fail yg diterima atau diserahkan, kerja yg dibuat dsb, biasanya dijadikan sbg bukti penerimaan, penyerahan dsb;

mendoketkan memasukkan atau mencatatkan butiran penerimaan, penyerahan dsb dlm doket.

doklat Kl zaman purba, lama.

dokoh sj loket yg berupa kepingan yg lebar drpd emas dan berhias dgn batu permata di tengahnya (biasanya berbentuk bulat bagi lelaki dan menyerupai bulan sabit bagi perempuan), aguk; ~ *sehari bulan* dokoh yg berbentuk bulan sabit.

dokok-dokok = *kuih* ~ ark sj kuih yg dibuat drpd campuran tepung beras, kelapa, gula, dan pisang yg dibungkus dlm daun pisang dan dikukus.

dokong sj tumbuhan (pokok) yg buahnya spt langsung tetapi kulitnya lebih tebal, *Lansium domesticum*.

doktong Tr keluar rumah tanpa memaklumkan tujuannya: *Ali siang malam tiada di rumah, suka benar dia ~.*

doktor 1. orang yg berkelayakan (bertauliah) mengamalkan perubatan:

lima orang ~ telah memeriksa dan merawat Perdana Menteri di hospital di London; 2. orang yg telah mendapat ijazah tertinggi dlm sesuatu pengajian: ~ *Bahasa dan Kesusasteraan; ~ ilmu hukum;*

~ *bedah* doktor yg berkelayakan utk melakukan pembedahan; ~ *falsafah* ijazah yg tertinggi yg diberikan kpd seseorang siswazah lanjutan yg menamatkan pengajiannya dan disertasinya diluluskan oleh majlis yg terdiri drpd para profesor; ~ *gigi* doktor yg ahli dlm hal gigi dan penyakit gigi; ~ *gula* Id ahli dlm perusahaan gula; ~ *haiwan* = ~ *binatang* bp doktor yg mendapat latihan khusus tentang penyakit binatang dan cara merawatnya; ~ *jiwa* doktor yg pakar dlm penyakit jiwa; ~ *mata* doktor yg pakar mengenai rawatan penyakit mata, ahli oftalmologi; ~ *pakar* doktor yg mempunyai kepakaran khusus dlm sesuatu bidang perubatan; ~ *pakar kanak-kanak* = ~ *anak* Id doktor yg pakar mengenai pengubatan penyakit kanak-kanak, ahli pediatrik; ~ *udara* doktor yg memberikan khidmat perubatan dan kesihatan, khususnya kpd penduduk di kawasan pedalaman, dgn menaiki pesawat terbang; ~ *veterinar* doktor haiwan;

kedokteran 1. hal-hal yg bkn ilmu menjadi doktor (mempelajari atau menyelidik bkn penyakit, cara mengubatnya, dll), perubatan; *mahasiswa* ~ mahasiswa yg belajar utk menjadi doktor; *pengetahuan (ilmu)* ~ pengetahuan tentang penyakit (cara mengubatnya dll); **2.** kelulusan tertinggi dlm dunia kesarjanaan yg dicapai selepas peringkat ijazah sarjana di pusat pengajian tinggi.

doktoral IB; *ujian* ~ peperiksaan sebelum yg terakhir di universiti (peringkat yg terakhir ialah utk mendapat gelaran doktor).

doktoran IB wanita yg lulus peperiksaan terakhir di universiti (sebelum mendapat gelaran doktor).

doktorandus IB lelaki yg lulus peperiksaan terakhir di universiti (sebelum mendapat gelaran doktor).

doktrin prinsip atau kepercayaan yg dianggap benar dan satu-satunya yg dapat diterima: ~ *Monroe*; ~ *Karl Marx*;

mendoktrinkan menerapkan atau menanamkan sesuatu doktrin (utk dijadikan pegangan): *fakta yg sama dinyatakan oleh Ajikik pd zaman Jepun utk ~ drama demi kepentingan strategi.*

dokumen sesuatu yg bertulis atau bercetak (spt sijil kelahiran, sijil kematian, dll) yg digunakan sbg rekod atau bukti: *salinan-salinan ~ yg telah dirampas itu ada menyebut tentang rancangan pertubuhan haram itu hendak menggulingkan kerajaan;*

mendokumenkan **1.** mencatatkan sesuatu sbg dokumen: *negara akan beruntung jika akademi itu mengambil inisiatif utk ~ semua penemuan itu;* **2.** membuktikan (menunjukkan) dgn dokumen, memberi maklumat berupa dokumen utk menerangkan atau membuktikan sesuatu;

pendokumenan perihal (proses, tindakan dsb) mendokumenkan.

dokumentar (dokuméntar) IB dokumentari.

dokumentari tayangan (filem, televisyen) atau acara radio yg memaparkan (menceritakan) maklumat (fakta) sebenar tentang sesuatu (perkara, subjek, dll): *filem ~.*

dokumentasi himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen (yg dapat digunakan sbg asas bagi sesuatu kajian, penghasilan sesuatu terbitan, dll), perbahanan: *H.B. Jassin mempunyai ~ sastera Indonesia yg lengkap; filem ~* Id filem dokumentari;

mendokumentasikan mengusahakan (dgn mengumpulkan, menyusun, merakamkan, dsb) sehingga tersedia sbg dokumentasi:

persatuan-persatuan kaum berkenaan harus mempunyai unit penyelidikan dan dokumentasi sendiri utk menyelidik dan ~ khazanah budaya mereka; seseorang pengumpul cerita rakyat dapat ~ bahan yg boleh menjadi bahan kajian penting utk generasi akan datang;

pendokumentasian usaha (kegiatan, proses, dsb)
mendokumentasikan: ~ *cerita rakyat*; ~ *sastera Iban*.

dol I ark sj gendang.

dol II ark tiang kapal.

dol III bp longgar atau tidak ketat (paku, skru, dll).

dolak-dalik (cakap atau pendirian yg) tidak tetap atau selalu bertukar-tukar, cakap berbalik-balik;

berdolak-dalik bercakap berbalik-balik (sekejap kata begini dan sekejap lagi begitu tentang perkara yg sama): *dia tetap ~ apabila disoal kerana takut keadaan yg sebenar tentang dirinya diketahui orang.*

dolar mata wang (di Amerika Syarikat, Kanada, dll); *negara* ~ negara yg menggunakan mata wang Amerika Syarikat dlm perdagangan.

dolat bp daulat.

doldrum (Geog) zon angin tenang yg berhampiran dgn khatulistiwa.

dolfin ikan lumba-lumba.

doli pelantar beroda boleh gerak yg menopang kamera utk penggambaran filem, televisyen dsb.

dolim ark → **lalim**.

dolok I (Batak) ark gunung.

dolok II Id, bp batang kayu yg belum dibelah.

dolomit (Kim) sj mineral karbonat yg merupakan sumber penting magnesium.

domah; pendomah; *raja ~ = raja penomah* sl hadiah (pemberian, ganjaran) yg dibawa oleh utusan.

domain **1.** kawasan yg dimiliki (dikuasai, ditadbirkan dsb) oleh seseorang atau sesuatu pihak, kawasan kekuasaan, mandala: *dia tidak akan keluar dr ~ kekuasaan itu*; **2.** lapangan atau bidang (spt kegiatan, pemikiran, pengetahuan dsb), mandala: *tumpuan hanya akan diberikan kpd perspektif pendidikan dan penerbitan buku dlm ~ sains dan teknologi sahaja; ruang bagi tiap-tiap bidang atau ~ itu hendaklah dinyatakan secara eksplisit*; **3.** (Komp) kumpulan medan bagi fail dlm model sistem pengurusan pangkalan data; **4.** (Komp) kawasan liputan bagi masalah yg hendak diselesaikan.

domba kambing kibas; **mengadu domba** → **adu domba**.

domestik (doméstik) **1.** bkn hal (urusan dll) dlm negeri: *para penulis harus menulis tentang masalah ~ di sekitar mereka*; **2.** bkn kegiatan rumah tangga: *tugas ~ termasuk dlm dunia keluarga yg tidak sepatutnya dijalankan oleh agensi lain*.

dominan **1.** berkuasa atau berpengaruh, mendapat tempat atau kedudukan yg (berkuasa, berpengaruh, dsb): *kita sering terjumpa cerita yg mengisahkan bagaimana suatu kaum yg lebih ~ itu mempergunakan kaum lain sbg 'buffer' dlm suatu pertembungan; terdapat juga akhbar dwibahasa Inggeris/Melayu, bagaimanapun halaman bahasa Inggeris lebih ~*; **2.** (Bio) bkn sifat yg lebih kuat pengaruhnya yg diwarisi drpd salah satu induk (ibu bapa bagi manusia): *warna perang pd rambutnya merupakan sifat ~ yg diwarisi drpd ibunya*; **3.** (Bio) bkn banyaknya spesies tertentu dlm sesuatu kawasan.

dominasi; mendominasi menguasai, mengenakan atau menimpakan kekuasaan terhadap: *mari kita tinjau bagaimana golongan yg bertanah dan berharta di desa ~ majoriti petani yg miskin.*

domine (dominé) IB pendeta Protestan.

domingo (Portugis) ark minggu.

dominion negara yg berkerajaan sendiri dlm Komanwel selain United Kingdom: ~ *Kanada; ~ New Zealand.*

domino 1. bongkah leper, berbentuk segi empat bujur yg permukaannya ditandai dgn titik-titik dr 1 hingga 6 spt pd permukaan dadu;

2. sj permainan yg menggunakan 28 domino.

domisil tempat menetap atau kediaman seseorang (terutamanya yg rasmi);

berdomisil bermastautin: *pd zaman kemerdekaan, ibu bapanya ~ di Singapura.*

domol 1. muncung (anjing, babi, dll); **2.** ki muka: *sudah sebulan Cikgu Mat tidak menunjukkan ~nya ke mari;*

berdomol bermuncung (bkn anjing, babi, dll): *dia meraba mukanya, masih ~ spt babinya, diraba kepalanya, masih bertanduk spt kambing.*

dompok; berdompok lompat-melompati serta tendang-menendang (sewaktu berkelahi, berjuang, dsb);

mendompok berdiri atau melonjak-lonjak di atas kaki belakang dgn kaki depan diacu-acukan (bkn kuda), mendongkak: *seekor kuda ~ sambil meringkik-ringkik.*

dompét (dompét) bekas duit drpd kulit (plastik dll): *ia membuka ~nya kemudian menghulurkan wang upah kpd kuli itu; ~nya kempis bp sudah tidak berwang lagi.*

domplangan Jk jongkang-jongket (permainan kanak-kanak).

don Kd (buat) acuh tak acuh.

donasi IB derma (sumbangan) berupa wang kpd persatuan (pertubuhan dll); *anggota* ~ para penderma.

donat = *kuih* ~ sj kuih berbentuk gelang yg dibuat drpd tepung gandum, yis, dll yg digoreng dan disalut dgn gula halus, kuih keria cara barat.

donatir IB bp orang yg menderma, penderma.

doncang; mendoncang Mn melompat.

dondang = **dondangan** ark buaian atau enjutan (tempat menidurkan anak); *kain* ~ (*dondangan*) kain buaian;

mendondang, mendondangkan membuai-buaikan (mengenjut-enjutkan) anak dlm buaian.

dondang sayang sj nyanyian (lagu) Melayu yg dinyanyikan oleh dua orang penyanyi dgn berbalas-balas pantun mengikut irama muzik yg tertentu (utk bersuka-suka);

berdondang sayang **1.** bernyanyi dondang sayang: *leka membuang masa bersuka-suka ~ sayang*; **2.** ki membuat sesuatu dgn sesuka hati (kerana tidak ada orang yg ditakuti spt ibu bapa, guru, ketua, pengawas, dsb).

dondon warna atau corak;

sedondon sama warna atau corak; *pakaian* ~ pakaian yg sama warna atau corak.

dondong nyanyian (lagu) utk menidurkan anak, dodoi, pengulit;

mendondong menyanyikan lagu utk menidurkan anak, mendodoikan, mengulitkan: *sejak kecil, dia telah didondong dan dibuaikan oleh ibunya.*

dong I Jk kata (pelembut, pemanis, dll) yg dipakai di akhir kalimat: *jangan lekas marah* ~.

dong II unit mata wang Vietnam.

dongah → **dongak**.

dongak; mendongak, terdongak 1. terangkat sedikit ke atas (bkn kepala, muka, dll), tercongak: *kapal yg kena bom itu ~ kian tegak dan akhirnya meluncur tenggelam; kepalanya ~ dan pandangannya terlekat ke siling; 2.* memandang (menoleh, menengok) ke atas: *ia pun ~ ke langit dan memejamkan matanya; ~ rupa kerbau jantan kemudian* prb orang yg memperlihatkan keangkuhannya;

mendongakkan mengangkat muka (bahagian hadapan atau hujung sesuatu benda) ke atas, mencongakkan: *Zaini yg tunduk ketika itu mencuba ~ kepalanya.*

dongan Id ark sahabat, kawan.

dongeng (dongéng) **1.** = *cerita* ~ cerita khayalan (yg diada-adakan kejadiannya): *~ Pak Kaduk, si Luncai, dan Pak Belalang sangat-sangat digemari oleh kanak-kanak; ~ dewata dongeng mengenai dewa-dewa; ~ ibarat dongeng yg mengandungi ibarat; 2.* ki sesuatu (spt berita, cakap-cakap, dll) yg tidak benar: *apa yg diceritakannya itu hanyalah ~ semata-mata;*

berdongeng ki bercakap tentang sesuatu yg tidak benar: *saya bukan hendak ~ apabila menceritakan hal itu;*

mendongeng 1. membuat (menyampaikan) cerita dongeng: *ibu selalu ~ pd waktu kami hendak tidur; 2.* ki bercerita atau meminta yg bukan-bukan: *ibunya hari-hari ~, mengecek, dan memujuk dia supaya berkahwin;*

mendongengkan ki menyampaikan (menceritakan) kisah yg bukan-bukan: *bermacam-macam kisah yg didongengkannya apabila ia pulang dr luar negeri;*

kedongengan unsur-unsur yg berkaitan dgn kisah khayalan: *kadar ~ lebih tinggi dlm filem tersebut;*

dongengan cerita (yg karut, bohong, dll): *kekayaan negeri itu nyatalah hanya ~ semata-mata.*

dongkak Mn; **mendongkak** melompat-lompat, mendompak.

dongkel (dongkél) Jw penyungkit, tuil, tuas;

mendongkel menyungkit, menuil, menuas.

dongking Pr kurus (badan).

dongkok; pendongkok = ~ *keris* gelang-gelang antara hulu dan bilah keris, pemendak (dulang-dulang) keris.

dongkol I **1.** tidak bertanduk (berbalung dll), dogol; **2.** bertanduk tetapi melengkung ke bawah (bkn lembu, kerbau, dsb).

dongkol II Jk; **mendongkol** berdendam, sakit (bengkak) hati: *ia sugul dan ~ menahan perasaan yg membakar dadanya;*

kedongkolan perasaan mendongkol, kedendaman: *di hatinya, bertimpa-timpa kemarahan dan ~.*

dongkrak pengumpul atau penyungkit utk menaikkan kereta dll, jek, bicu;

mendongkrak **1.** mengumpul atau menyungkit dgn dongkrak; **2.** bp ki mengangkat-angkat atau memuji-muji (orang); **3.** bp membantu (menolong).

dongok **1.** tidak seimbang (bkn bentuk badan), gemuk pendek; **2.** tolol, bodoh, tongong, dungu.

donia (Portugis) isteri orang besar-besar, mem: *maka permaisuri pun bercakap-cakap dgn segala para puteri dan ~ sekalian.*

donor I IB penderma darah.

donor II Tr, Kl; **berdonor** bergelimang, bergelumang, lecak.

dop IB; ~ *roda* Id penutup roda.

dopis Id, bp ubat bedil atau penggalak (senapang).

dor I bunyi spt bunyi senapang.

dor II ark daur.

dorang Jw ikan bawal.

dorm bilik tidur besar yg mempunyai beberapa banyak katil di asrama sekolah, institusi pengajian tinggi dsb.

dorman (Bio) bkn jangka masa ketika aktiviti biologi haiwan atau tumbuhan berkurang.

dormitori dorm.

dorna Jk orang yg suka membuat orang bertelingkah dll, penghasut, pengacum;

mendornai membuat orang bertelingkah dll, menghasut, mengacum, mengadu domba.

doro Mn; **berdoro** meluncur (turun).

dorong; mendorong **1.** menyorong (ke depan), menolak (dr belakang ke depan), tampil (ke depan): *kereta yg kehabisan minyak itu telah didorong ke tepi jalan*; **2.** ki memberangsangkan, mempengaruhi, menyebabkan (jadi sesuatu): *tidak pernah saya ketemui orang yg sanggup menolong dan ~ saya melanjutkan pelajaran saya spt Pak Man itu; keinginan hendak mengembara ke negeri orang telah ~ saya utk bekerja di kapal; apa yg diutarakan mereka dlm mesyuarat itu adalah didorong oleh sentimen yg meruap-ruap di dada mereka; keengganan King Philip membenarkan mereka berniaga telah ~ orang-orang Belanda mencari jalan ke tempat-tempat yg banyak mengeluarkan rempah di Timur Jauh*;

dorong-mendorong bertolak-tolakan;

mendorongkan menyorongkan (ke depan), menolakkan, menampilkan (ke muka): *dia ~ lagi badannya di celah-celah orang ramai itu ke pintu stadium*;

terdorong **1.** terlangsung (ke depan), tersorong (tertolak) ke depan: *Panglima Hitam telah ~ lalu jatuh*; **2.** ki terlanjur (melakukan sesuatu yg tidak baik), terlajak: *sesudah ~, baru*

timbul rasa sesal pd dirinya; ~ lidah (mulut, kata) ki terlepas (terlajak) cakap; 3. terpaksa (terpengaruh, tertarik) utk melakukan sesuatu, diberangsangkan, dipengaruhi, didorong: tiba-tiba sahaja perasaannya begitu ~ utk mencurahkan segala isi hatinya; ~ kaki badan merasa, ~ lidah emas padahannya prb kata mesti dikotakan, janji mesti ditepati, berbuat sesuatu mesti berani menanggungnya;

dorongan 1. sorongan, tolakan, asakan; 2. ki galakan, anjuran, desakan, perangsang: *masyarakat kita sekarang telah berpecah-belah kerana mengikut pendapat dan ~ penganjur-penganjur yg bertentangan faham; dia berjaya kerana ~ yg kuat drpd ayahnya sendiri;*

keterdorongan keadaan (perihal) terdorong: *~ orang utk berkelakuan berlebih-lebihan apabila menghadapi provokasi;*

pendorongan perihal atau perbuatan mendorong;

pendorong 1. (benda) yg mendorong (menyorong, menganjur, dll), penyorong, penolak; 2. ki sesuatu atau orang yg mendorong, penggalak, pemberangsang: *tidak ada ~ yg kuat utk orang bukan Melayu supaya bersungguh-sungguh mempelajari Bahasa Kebangsaan.*

dorongarah (Bio) gerakan bahagian-bahagian pokok (spt akar, daun dll) yg disebabkan oleh cahaya matahari, tarikan bumi, atau air.

dorsal berkaitan dgn atau terletak di bahagian belakang badan haiwan: *sirip ~.*

dos I IB 1. kotak drpd kertas tebal; 2. kertas tebal, kadbod, kardus.

dos II kuantiti tertentu ubat terapeutik yg diambil pd sesuatu masa; *~ maut dos yg melebihi sukatan ubat dsb yg ditetapkan yg boleh menyebabkan kematian kpd manusia, binatang dsb.*

DOS akronim bagi *disk operating system* (sistem pengendalian cakera).

dosa **1.** perbuatan melanggar hukum Tuhan atau agama: *segala halal haram, ~ pahala telah pun diketahuinya benar-benar; lebih baik mati dgn tidak berpahala drpd hidup bergelumang ~*; **2.** perbuatan atau kelakuan yg bertentangan dgn prinsip-prinsip moral: *perbuatannya itu adalah satu ~ yg besar terhadap keluarga mereka; menebus ~ berikhtiar supaya dosa dapat diampunkan; ~ kering dosa (kesalahan) yg sengaja dilakukan walaupun diketahui hukumannya dr segi agama;*

berdosa **1.** melakukan dosa: *orang yg ~ akan menerima balasnya*; **2.** bersalah kerana menentang orang tua (hukum adat, negara, dsb): *lain orang yg ~ lain pula yg dituduh*;

pendosa orang yg berdosa: *sesungguhnya seorang ~, secara semantik dikenal sbg orang yg fasiq.*

dosej (doséj) **1.** amaun dos ubat; **2.** pemberian dos.

dosen (dosén) IB guru di perguruan tinggi, pensyarah.

dosimeter (dosiméter) alat utk mengukur dos sinar (spt sinar-X).

dosir I IB ark; **mendosir** mengajar di perguruan tinggi.

dosir II IB fail surat-surat berkaitan dgn sesuatu perkara.

dosis IB **1.** sukatan; **2.** sukatan ubat yg patut dimakan sekali.

dosonok sj tumbuhan (pokok), kemancing, langga air, *Dysoxylon angustifolium*.

dot IB, bp puting getah (utk menyusui anak-anak kecil);

didot disusui dgn dot.

doti kain (biasanya berwarna putih) yg diikat di pinggang utk menutupi bahagian atas dr lutut.

dotong Tr; **berdotong** bertandang.

dotot Pr ketot (kanak-kanak), bantut.

doyak sj sotong.

doyan Jk suka, endah; *tak ~ tidak endah (tidak suka).*

doyen ketua (para diplomat asing dll).

doyok 1. Kd bodoh, lembap; **2.** Tr gemuk gedempol: *macam mana dia hendak berlari? Badannya ~.*

doyong; mendoyong miring, condong, senget; ~ *sebelah* senget sebelah.

dozen (dozén) dua belas jumlahnya;

berdozen = berdozen-dozen banyak dozen (jumlahnya): *dia membeli ~ susu cair utk anaknya.*

DPN Id kep Dewan Perancangan Nasional.

DPPMM kep Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia.

DPR Id kep Dewan Perwakilan Rakyat (Parlimen).

dr I kep dari.

Dr. II kep doktor.

Dra. Id kep doktoranda (perempuan).

draf 1. tulisan (nota, surat, karangan, dsb) atau lukisan yg disediakan secara kasar pd peringkat awal atau permulaan (biasanya perlu diperbaik atau dihalusi lagi): ~ *surat itu telah disemak dan ditaip bersih; mereka ditugaskan menyusun ~ kamus dwibahasa; 2.* perintah bertulis utk bayaran wang oleh bank, terutamanya drpd satu bank kpd satu bank lain; ~ *bank draf* yg dikeluarkan oleh bank;

mendraf membuat atau menyediakan draf (surat, karangan, dsb): *dia sedang ~ surat utk dihantarkan kpd Jabatan Hasil Dalam Negeri;*

mendrafkan mendraf sesuatu utk: *saya tidak keberatan ~ mereka perjanjian itu;*

pendrafan perihal (proses atau perbuatan) mendraf atau menyediakan draf: *kerja ~ entri baru kamus pelajar sedang giat dijalankan;*

pendraf orang yg membuat atau menyediakan tulisan (nota, surat, karangan, dll) yg dibuat secara kasar: *beberapa latihan intensif telah dijalankan utk para ~ entri kamus baru itu.*

dram I bekas besar berbentuk silinder yg digunakan utk mengisi sesuatu (bahan api, air, dll): *~ minyak.*

dram II alat genderang yg terdiri drpd silinder berongga yg hujungnya diregang dgn kulit binatang dan dipukul dgn penukul, tangan, dll.

drama 1. karya yg dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio, atau TV, sandiwara: *mereka akan mengadakan pementasan ~ bersempena perayaan Hari Kebangsaan Malaysia; seni ~ seni mengenai sandiwara (spt cara menyusun skrip, latar, hiasan pentas, dsb); 2.* Id lakonan yg mengharukan (sedih); **3.** ki situasi atau urutan peristiwa penuh emosi, tragik, atau bergelora: *suatu ~ tembak-menembak telah berlaku antara anggota polis dgn perompak-perompak itu;*

~ bacaan drama yg lebih sesuai utk dibaca drpd dilakonkan; *~ komedi* drama yg lucu; *~ muzikal* drama dgn iringan muzik (nyanyian dan tarian); *~ pentas* drama yg dilakonkan di atas pentas; *~ radio* drama yg dilakonkan melalui corong radio yg memberi tekanan pd suara pelakonnya dan muzik atau bunyi latar utk menimbulkan kesan pd cerita; *~ rakyat* drama yg mengisahkan cerita-cerita rakyat; *~ satira* drama yg membicarakan sesuatu persoalan secara sindiran; *~ televisyen* drama yg dilakonkan utk ditayangkan di kaca televisyen; *~ wira* drama yg mengisahkan keperwiraan atau keberanian seseorang pahlawan;

berdrama 1. mengadakan pementasan drama (sandiwara), bersandiwara: *mereka ~ utk mengutip derma bagi tabung persatuan; 2.* ki bertutur atau bertingkah laku dgn agak berlebihan: *apabila ramai orang di situ, mulailah dia ~;*

mendramakan menjadikan drama, mempersembahkan dlm bentuk drama: *boleh juga diadakan acara-acara spt ~ sebahagian drpd kandungan buku, mendeklamasikan puisi, mengadakan peraduan bercerita, dsb;*

pendramaan perihal (usaha, perbuatan, dsb) mendramakan.

dramatari drama dgn babak tarian (sbg suatu persembahan).

dramatik 1. mempunyai lagak (gaya dsb) yg sesuai utk drama (bkn percakapan dsb): *percakapannya penuh ~;* **2.** boleh menimbulkan kesan pd jiwa (sama ada suka, sedih, marah dsb): *dia menceritakan kisah ~ yg menimpa dirinya.*

dramatis 1. penulis drama; **2.** pelakon drama, dramawan.

dramatisasi; mendramatisasikan 1. mengolah sesebuah tulisan (cerita, dll) menjadi bentuk drama; **2.** mempersembahkan atau menggambarkan sesuatu secara dramatik: *inilah yg sebenarnya telah ~ pemilihan teologi dlm Islam;* **3.** menonjolkan kepentingan (keseriusan) sesuatu peristiwa (keadaan, dll) secara yg agak keterlaluan.

dramaturgi seni dan teknik penyusunan (pementasan, penulisan) sesebuah karya drama.

dramawan Id pelakon drama, pelakon dlm sandiwara.

drastik keterlaluan, terlalu keras (bkn sesuatu tindakan dll).

drebar (drébar) pemandu kenderaan: *Pak Mat bekerja sbg ~ kereta tuan besar itu.*

drel (drél) tembakan serentak (senapang, meriam);

mendrel menembak (senapang, meriam) dgn serentak;

pendrelan penembakan serentak.

dresar (drésar) orang yg membantu doktor bedah semasa pembedahan.

dril sj kain kapas yg tebal dan kukuh, biasanya digunakan utk membuat seluar dsb.

dron 1. (Bio) lebah jantan yg hanya berfungsi utk mengawan dgn ratu lebah; **2.** pesawat udara kawalan jauh tanpa juruterbang.

dropsi (Ubat) longgokan bendalir serum yg tidak normal dlm tisu atau rongga tubuh.

drpd kep daripada.

Drs. Id kep doktorandus (lelaki).

drumlin (Geo) bukit yg berbentuk bujur dan panjang yg terbentuk drpd puing glasier.

dsb kep dan sebagainya.

dst kep dan seterusnya.

Dt. kep Datuk.

dua (jumlah) satu dicampur (ditambah) satu (2), bilangan di antara satu dgn tiga;

~ *belas* (jumlah) sepuluh dicampur dua (12); ~ *kalimah* kalimah syahadat; ~ *puluh* (jumlah) sepuluh didarabkan dgn dua (20); ~ *ratus* (jumlah) seratus didarabkan dgn dua (200); ~ *sejoli* dua orang kekasih yg sangat rapat; ~ *serangkai* dua orang yg terlalu rapat (barang ke mana bersama-sama); ~ *tahun ketiga* lewat dua tahun tetapi belum genap tiga; *angka* ~ ark tanda pergandaan (kata berulang); *main* ~ *puluh satu* sj permainan terup;

~ *badan senyawa* prb karib sekali; ~ *kali* ~ *empat* = ~ *kali lima* *sepuluh* = *spt lima belas dgn tengah* ~ *puluh* prb sama sahaja; *antara* ~ *tengah tiga* prb orang sakit yg hampir mati; *dlm* ~ *tengah tiga* prb tidak jujur, tidak boleh dipercayai, hati yg tidak tetap, bimbang;

dua-dua 1. = **berdua-dua** tiap-tiap kali dua (orang dll), dlm kelompok-kelompok dua: *ia duduk di atas kerusi dikipas* ~ *orang*;

2. = **dua-duanya** dua kesemuanya: ~(*nya*) *sama sahaja*;

berdua bersama-sama (dua orang), bersama dgn seorang lagi: *Ismail dan Hamidah duduk ~ berbual-bual di serambi; saya ~ dgn adik saya pergi memancing petang semalam;*

~ *hati* ki tidak jujur, mencabangkan kasih; *karam* ~ *basah* seorang prb dua orang bersalah, hanya seorang yg dihukum;

berdua-dua → **dua-dua**;

berduaan, berdua-duaan berdua sahaja (tidak ada orang lain), cuma berdua: *kerana berasa kurang sedap berada ~ dlm bilik dgn seorang gadis, maka dia pun keluar;*

mendua **1.** menjadi dua (bkn fikiran, perbuatan, dll): *bunyi gendang itu hanya segelugut, tidak ~ dan tidak berulang-ulang lagi; dgn tidak ~ fikiran lagi Abdullah bersetuju hendak turun; ~ hati* bimbang; ~ *kali* membuat dua kali, mengulangi perbuatan; **2.** kencang berlari (kuda);

menduai menggenapkan jadi dua, menambah jadi dua: *kalau engkau sungguh cinta terhadap perempuan itu tentu tidak engkau duai dgn yg lain; ~ isteri* mengambil isteri kedua; ~ *laki* berkhianat kpd suami (isteri yg bermukah);

menduaskan menjadikan dua, menganggap dua (Tuhan), menaruh dua (isteri, suami): *pertimbangan antara akan ~ isterinya atau tetap beristeri satu sedang hebat berkecamuk dlm hatinya; ~ Allah* menganggap (melakukan spt) ada yg berkuasa selain Allah;

menyeduai Mn mengurus ternak (sawah dll) orang dgn berbahagi keuntungan;

menyeduakan Mn menyuruh orang lain mengurus sesuatu (ternak, sawah, dll) dgn berbahagi keuntungan: ~ *sawah*;

perdua **1.** = **seperdua** setengah, satu drpd dua; *seperdua umur (baya)* separuh umur; **2.** perkongsian (tanaman dll);

berperdua berbahagi dua, berkongsi dua: *Anuar menyerahkan seekor kerbau betina kpd Bibah utk dipelihara menurut cara ~ ternak di kampung;*

memperdua 1. membahagi dua (untung, hasil, dll): *keuntungan jualan hari itu belum diperdua lagi;* **2.** mengusahakan ternak (sawah dll) orang dan hasilnya dibahagi dua: *saya tidak sanggup utk ~ sawah saya yg sebidang itu;*

memperduakan 1. = **menduakan;** **2.** menyuruh orang mengusahakan ternak (sawah dll) dgn berbahagi keuntungan, memawahkan;

kedua 1. (peringkat, bilangan, dll) yg nombor dua: *pertunjukan yg ~ ialah tayangan filem Hindustan;* **2.** = **kedua-dua, kedua-duanya, keduanya** dua-dua(nya): *kedua-duanya tergelak kecil, lalu meneruskan perjalanannya; kemudian kedua-duanya pun tidur berkaparan;*

keduaan keadaan wujudnya dua bahagian atau unsur: *~ budaya muncul di merata tempat di dunia Islam;*

penduaan perihal memperdua(kan) (sawah, ternak, dll), pemawahan;

pendua 1. benda yg dijadikan cadangan (kapit, teman) spt keris dll: *keris tempa Melaka yg panjang tiga jengkal itu dijadikan ~ juga;* **2.** yg dibuat serupa dgn yg asal (bkn salinan dsb); *kertas ~ kertas utk membuat salinan surat dll dgn menggunakan sejenis alat; mesin ~ mesin utk membuat salinan-salinan surat dsb.*

duai; *ipar-~* adik-beradik (saudara) kpd suami atau isteri, ipar-lamai.

duak sj tumbuhan (pokok), *Heynea trijuga;* **juak VI.**

dualam (binatang) yg hidup di air dan di darat (spt katak dll), amfibia.

dualapan sl delapan, lapan.

dualis IB bentuk kata yg menyatakan dua (jamak yg mengatakan banyaknya dua).

dualisme **1.** faham yg berasaskan dua prinsip yg saling bertentangan spt antara kebaikan dan kejahatan, dan antara terang dan gelap; **2.** keadaan apabila wujud dua sifat yg ketara saling bertentangan pd diri seseorang.

duane IB tempat memungut cukai, kastam, pabean; *kantor* ~ pejabat kastam.

dubalang Mn pengawas keamanan kampung; → **hulubalang**.

dubes Id akronim bagi duta besar.

dubilah; ~ *setan* bp kata yg menunjukkan kehairanan, kata seruan.

dubuk ark Id sj binatang liar yg memakan bangkai, *Hyaena crocutus (striata)*.

dubur bahagian pd punggung tempat najis dikeluarkan, jubur, pelepasan.

duda lelaki yg kematian isterinya atau sudah bercerai drpd isterinya;

menduda menjadi duda, membujang (akibat perceraian atau kematian isteri): *dua perkahwinannya berakhir dgn perceraian dan kini dia* ~.

dudi Sr kemudian.

dudu; mendudu, mendudu-dudu bergerak (berjalan, berenang, berlari, dsb) beriringan, bergerak terus dgn tidak menoleh-noleh: *kerbau jalang datang ~ mengejar kami*.

duduk **1.** beristirahat di atas punggung (spt bersila, bersimpuh, dll): *saya terpaksa ~ di atas pokok itu sahaja; anak kecil itu ~ di atas pangkuan ibunya*; **2.** tempat letaknya: *skru itu tidak betul ~nya, senget*; **3.** terletak, berada: *sebuah lampu yg ~nya 3 meter dr lantai; rumah kediaman bapa Busu ~nya di hujung suatu lorong*; **4.** = **kedudukan** keadaan yg sebenarnya (bkn sesuatu hal dll):

*pekerjaan berternak kuda lain ~nya dgn bercucuk tanam; 5. tinggal (di), diam (di), menetap, berumah: maka ~lah dia di Sungai Baharu menjadi khatib; sudah bertahun-tahun mereka ~ di rumah itu; 6. terus berada (di sesuatu tempat), tinggal: malam itu selepas makan, Bakar ~ di biliknya spt biasa; 7. berkahwin, bernikah, bersatu: Tun Teja sudahlah bertunangan dgn raja Pahang dan hampirlah akan ~; 8. hampas (kopi, teh, dll); 9. = **terduduk** termendak atau mengendap (bkn serbuk kopi, teh, bauran, dll); 10. mempunyai tempat atau kerusi (di parlimen, majlis tertinggi, dsb), berada: dia adalah salah seorang wakil rakyat yg ~ dlm Majlis Tertinggi Keselamatan Dalam Negeri; 11. bp sedang (melakukan sesuatu): dia ~ termenung seorang diri; ~ menjahit (membaca, menulis, dll);*

~ antara dua sujud duduk selepas sujud yg pertama (di dlm sembahyang orang-orang Islam); ~ berapit duduk di antara dua orang; ~ berjuntai duduk di tempat yg tinggi dgn menjuntai kaki; ~ berlutut duduk dgn kaki dibengkokkan dan kepala lutut mengenai lantai, bertelut; ~ bernama bunga sekuntum duduk berlutut ketika mengangkat sembah; ~ bersila duduk dgn melipat dan menyilangkan kaki; ~ bersimpuh (bertimpuh) duduk dgn melipat kedua-dua belah kaki ke belakang; ~ bertindih lutut duduk di atas kerusi dgn sebelah lutut diletakkan di atas lutut yg satu lagi, bersila panggung; ~ bertinggung mencangkung; ~ perut mengandung;

~ berkelompok, tegak berpusu prb orang yg duduk pd tempat selayaknya dlm sesuatu majlis; ~ berkisar tegak berpaling prb mungkir janji atau tidak menepati cakap; ~ di ambung-ambung taji prb orang yg selalu dlm kerunsingan; ~ di dlm tabir langit-langit berbau tembelang prb perempuan yg berkurung dlm rumah tetapi

kejahatannya diketahui orang; ~ *dlm duri yg banyak, bersandar di tiang rengas* prb hidup yg serba salah kerana menghadapi bencana; ~ *dgn cupak gantang* prb ketua yg adil; ~ *dgn sukatan* prb orang yg kaya; ~ *meraut ranjau, tegak meninjau jarak* prb orang yg sentiasa membuat kerja; ~ *sama rendah, berdiri (tegak) sama tinggi* prb orang yg sama sederajat; ~ *sehamparan, tegak sepermatang* prb orang yg sederajat dlm adat; ~ *seorang bersempit- sempit, banyak berlapang-lapang* prb fikiran yg diperoleh drpd perbincangan lebih bernas drpd fikiran yg bersendirian; ~ *spt kucing, melompat spt harimau* prb orang pendiam yg tangkas bekerja dan berfikir; *belum ~ sudah berlunjur* menganggap sudah memperoleh atau memiliki sesuatu perkara yg belum pasti dapat dimiliki atau dikuasai atau bergirang dahulu sebelum maksud tercapai; *jikalau kita ~ di atas ciau emas sekalipun, lamun hati tiada senang juga* prb jika hati seseorang itu selalu susah dan resah, walau bagaimana senangnya tetap berduka juga;

duduk-duduk berehat-rehat (mengambil angin dsb): *sewaktu sampai di situ, aku melihat Said dan beberapa orang lain sedang ~ di bawah pokok;*

berdudukan sedang duduk (di atas bangku, kerusi, dsb): *orang-orang yg ~ di bangku-bangku panjang di ruang menunggu itu memandang ke arah mereka yg baru memasuki ruang itu;*

menduduki 1. mengambil tempat duduk, duduk di: *tikar terbentang diduduki;* 2. = **mengeduduki** mendiami, tinggal di: *beberapa orang datang ke bilik yg diduduki orang baru itu; rumah itu sudah lama tidak diduduki orang;* 3. menakluki (mengalahkan) dan menguasai sesebuah negeri dll: *penyerangan itu bermaksud hendak ~ Sri Wijaya;* 4. mengambil (memasuki, mengikuti) sesuatu peperiksaan atau ujian: *mereka telah ~*

peperiksaan itu dlm bahasa Inggeris pd tahun lalu; 5. duduk (berada) di (kerusi parlimen, majlis tertinggi, dsb): beliau akan ~ kerusi dlm Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu; 6. ki memikat hati seseorang: pemuda itu telah berjaya ~ hatinya yg kosong selama ini;

mendudukkan 1. meletakkan (menyuruh, mempersilakan) duduk: *maka baginda pun ~ anakanda baginda di atas singgahsana yg dua belas tingkat; dia mengambil anaknya dan ~nya di atas ribanya; 2. mendapatkan kesimpulan (penyelesaian) sesuatu perkara; 3. mengahwinkan, menikahkan: maka oleh Raja Aftabul-Ardl akan Raja Chulan itu didudukkan baginda dgn anakanda baginda tuan puteri Mathabul-Bahri;*

terduduk 1. terjatuh duduk, duduk dgn tiba-tiba dan tidak sengaja; **2.** mengendap atau terendap (serbuk kopi, teh, dll);

kedudukan 1. tempat tinggal (yg didiami); **2.** tempat letaknya: *~ Singapura di tengah-tengah jalan laut yg menghubungkan Timur dan Barat menyebabkannya menjadi pelabuhan yg begitu penting di Asia; 3. keadaan atau selok-belok (hal) sesuatu perkara (terutama pd masa tertentu), situasi: sudah berkali-kali ia menerangkan ~ yg sebenarnya kpd penduduk-penduduk di situ; ~ politik (ekonomi dsb); 4. tingkatan taraf (martabat, darjat, dsb): tiap-tiap orang ada harapan utk mendapat pangkat dan ~ yg tinggi dlm negaranya;*

sekedudukan 1. sama tarafnya (martabatnya, darjatnya); **2.** bersetubuh: *ada suami yg terus membunuh laki-laki yg ~ dgn isterinya sendiri;*

bersekedudukan 1. bersetubuh: *terasa loya tekaknya, kerana rasa getik dan jijik ~ dgn orang tua bangsa itu nanti; 2. tinggal bersama (spt suami isteri) tanpa bernikah: Cik Mah dihadapkan ke*

Mahkamah Syariah di atas tuduhan ~ dgn Kandasamy selama 27 tahun sehingga mendapat sembilan orang anak;

berkedudukan **1.** mempunyai kedudukan (tempat letaknya), terletak, berada: *jarum penimbang itu diganjakkan sehingga ~ betul-betul pd nombor 0;* **2.** mempunyai kedudukan (taraf, darjat, dsb), bertaraf, berdarjat, bermartabat: *dia ~ tinggi di mata masyarakat;*

pendudukan perihal atau perbuatan menduduki sesuatu daerah atau negara oleh kuasa luar (tentera dll): *dlm masa ~ Jepun saya bekerja di Berita Malai;*

penduduk orang yg menduduki sesuatu daerah (tempat, negeri, dll): *tidak ada seorang pun drpd ~ kampung itu yg berani keluar melihat pembunuhan itu;*

berpenduduk mempunyai penduduk: *Malaysia ~ lebih drpd 14 juta orang dlm tahun 1984;*

kependudukan segala hal mengenai penduduk (sesuatu tempat, daerah, negeri, dsb): *aspek ~ dibincangkan dlm simposium itu.*

dudur sj tumbuhan (palma), *Caryota mitis*; ~ *kijang* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar tanduk hitam, *Strophanthus dichotomus*; *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpit), *Daemonorhops spp.*

dudut; mendudut **1.** mencabut: *kalau Raden Asan suka mengumpat orang lain, nanti lidah Raden Asan akan didudut dr kerongkongan;* **2.** menghirup (minuman), meneguk, menyedut: *dia ~ kopinya yg masih panas;* **3.** menghisap (rokok), menyedut (udara dsb).

duet (duét) gubahan muzik (lagu dsb) yg dinyanyikan atau dimainkan oleh dua orang;

berduet **1.** berpadu suara (dua orang) menyanyikan sebuah lagu; **2.** berdua memainkan sebuah lagu.

duga I 1. = *batu* ~ pengukur dalamnya laut (sungai dll) drpd batu atau timah yg bertali; *tali* ~ tali pengukur dalamnya sungai (laut dll); **2.** agak, sangka, teka: *bayaran yg saya terima itu lebih besar jumlahnya drpd yg saya ~;*

menduga 1. mengukur dalamnya laut (sungai dll), mengajuk: *laut yg dalam boleh diduga;* **2.** mengagak, meneka, meramalkan, menyangka: *dr tadi dia ~ yg perkara itu akan berlaku;* **3.** menguji, mencuba, mengukur, hendak mengetahui: *kami akan menghadapi peperiksaan penggal dua yg diadakan utk ~ kedudukan pelajaran kami;*

terduga 1. telah diduga, boleh (dapat) diduga; **2.** tersangka, terhitung, terjangkau: *lantikan Encik Ahmad sbg Yang Dipertua persatuan itu memang tidak ~ sama sekali;*

dugaan 1. agakan, sangkaan, tekaan, ramalan, telahan: *sekarang terbukti bahawa ~ mereka itu benar-benar berlaku;* **2.** cubaan, ujian: *hanya beberapa orang sahaja yg lulus ~ kelayakan utk jawatan tersebut;* **3.** hasil drpd menduga;

~ *Allah* = ~ *Tuhan* sesuatu musibah, kesukaran dsb yg berlaku utk menguji keimanan atau kesabaran seseorang; ~ *hidup* ki kejadian yg sukar yg terpaksa dihadapi dgn tabah, cubaan (ujian, cabaran) hidup; ~ *syaitan* ujian yg berupa ajakan ke arah melakukan perbuatan yg tidak baik (spt melakukan rasuah, pecah amanah, dll);

pendugaan perihal atau perbuatan menduga (mengajuk), pengajukan;

penduga alat (perkakas) utk menduga (mengajuk); *batu* ~ batu duga.

duga II Mn; berduga, bersiduga berlumba, berlawan;

menduga melawan, menyaingi.

duga akal permainan atau pertandingan utk menguji pengetahuan seseorang (peserta) tentang perkara tertentu dgn mengajukan beberapa soalan kepadanya, kuiz;

menduga akal menguji pengetahuan seseorang (peserta) tentang perkara tertentu dgn mengemukakan beberapa soalan kepadanya.

dugal I rasa hendak muntah, loya, mual;

mendugalkan meloyakan, memualkan, memuakkan.

dugal II Jw ark tidak senonoh (perangai), nakal.

dugal III Sb, Sr gastritis: *pengidap ~ dinasihati supaya selalu minum air dan dilarang berlapar.*

dugang = *tali* ~ tali penahan (tiang penyokong) pokok supaya jangan rebah;

mendugang menahan dgn tali (menyokong dgn tiang) supaya jangan rebah (tumbang).

dugas; mendugas berjalan dgn gopoh-gapah: *apabila didengar anaknya menjerit, baginda pun ~ naik.*

dugong sj mamalia laut yg rupanya seakan-akan paus kecil dan mempunyai kaki sirip, *Dugong dugon*, (babi) duyung.

duha Ar = *waktu* ~ waktu pagi sehingga menjelang tengah hari; *sembahyang* ~ sembahyang sunat dlm waktu duha.

duit 1. wang: *kami semua tidak ada ~ hendak membeli benda itu; berapa* ~ berapa harganya; **2.** Kd, Pr, Pn sen (bagi unit satu hingga sembilan dan angka belasan): *lima belas* ~ lima belas sen; **3.** wang tembaga zaman penjajahan; **4.** = ~ *syiling* wang yg dibuat drpd kepingan logam (spt tembaga, perak, dsb);

~ *ayam* a) duit bergambar ayam (pd zaman penjajahan); b) wang yg dibayar oleh seseorang kerana menolongnya menguruskan sesuatu hal; ~ *curai* = ~ *kecil* = ~ *pecah* duit syiling yg nilainya kurang drpd satu ringgit; ~ *kocek* wang yg dibawa ke mana-mana

utk dibelanjakan apabila diperlukan; ~ *kopi* a) wang yg diberikan kpd pemilik rumah (kedai dll) yg akan disewa rumahnya (kedainya dll); b) = ~ *rokok* = ~ *teh* wang yg diberikan kpd seseorang utk memastikan mendapat sesuatu yg diminta, wang suap (sogok); ~ (*wang*) *luar* pendapatan yg diperoleh hasil drpd membuat kerja luar; ~ *padang* yuran permainan (di sekolah-sekolah dll); ~ *poket* wang sekadar perbelanjaan diri sendiri; ~ *raya* duit yg diberi, terutamanya kpd kanak-kanak pd hari raya; ~ *syiling* wang yg dibuat drpd kepingan logam;

berduit **1.** mempunyai duit, berwang: *ayah saya tidak ~ hendak menghantar saya belajar di sekolah tinggi; menjual berduit-duit menjual beruncit-runcit*; **2.** ki mempunyai banyak wang, kaya: *orang ~, mewah hidupnya*;

duitan; *mata ~* (orang yg) hanya memikirkan tentang wang, tamak akan wang: *perempuan yg mata ~*.

duit-duit I; *burung ~* sj burung, burung ceketing, taitut, *Vanellus indicus*.

duit-duit II = *pokok ~* sj pokok keladi yg menjalar pd pokok atau ditanam di dlm pasu (sbg hiasan) yg daunnya berbentuk hati dan berwarna hijau bercampur kuning air.

duk singkatan bagi duduk.

duka (perasaan hati yg) susah atau sedih, dukacita: *jangan dibiarkan hati tersadung ~, jangan fikiran dipersusah*; ~ *lara* = ~ *nestapa* susah (sedih) hati yg amat sangat;

berduka = ~ *hati* bersusah atau bersedih hati, berdukacita: *dunia ini dijadikan Tuhan bukanlah tempat orang ~; dia sentiasa ~ hati sejak kematian kekasihnya*;

berdukakan sl berduka kerana (akan), bersedih (bersusah) hati kerana (akan), menderitanya (menahan) duka: *mana ~ negeri ditimpa*

kemalangan dan mana pula bersedihkan permaisuri yg sedang gering;

mendukakan menyebabkan timbul rasa duka, menyedihkan (menyusahkan hati, mendukacitakan: *sikap angkuh Ahmad terhadap orang tua itu sungguh ~ hati ibunya;*

kedukaan **1.** perihal (sesuatu) yg mendukakan, kesedihan, kesusahan hati, kedukacitaan: *pd pemandangan patik ada juga sesuatu ~ tuanku;* **2.** ark dlm perkabungan, dlm kesedihan.

dukacarita Id ark cerita (lakonan) yg sedih.

dukacita **1.** duka, susah (sedih) hati: *pd wajah baginda kelihatan tanda-tanda yg menunjukkan baginda sedang dilamun ~;* **2.** =

berdukacita berasa sedih atau susah hati, berduka: *dia sangat ~ atas kematian tunangannya; turut (ikut) ~ sama (turut) bersedih;*

mendukacitakan menyebabkan timbul rasa dukacita, mendukakan, menyedihkan atau menyusahkan hati: *hari itu merupakan hari yg sangat ~nya; kemalangan yg menimpa keluarganya sungguh ~nya;*

kedukacitaan perasaan dukacita atau sesuatu yg mendukacitakan, kedukaan, kesedihan, kesusahan hati.

dukan ark kedai, bangsal (tempat berjualan).

dukana tinggi nafsu, kuat syahwat, gasang, gangsang.

dukat sl wang emas atau perak.

duktus (Bio) saluran dlm tubuh yg mengalirkan cecair dsb: *~ air mata.*

duku I sj tumbuhan (pokok dan buahnya spt langsung tetapi kulitnya lebih tebal), *Lansium domesticum;* *~ langsung* buah daripada pokok hasil cantuman pokok duku dan langsung.

duku II bp = **menduku** mengetuk kepala dgn buku jari, meluku, menyekeh: *dia ~ kepala adiknya kerana tidak tahu mengeja.*

dukuh kampung kecil yg terpencil, dusun;

pendukuhan kelompok dukuh, perkampungan kecil.

dukun orang yg mengubat orang sakit atau memberi ubat cara kampung atau tradisional (dgn membaca jampi serapah dsb), bomoh, pawang; ~ *beranak* bidan;

berdukun **1.** berubat dgn (cara) dukun, berbomoh, berpawang: *bukan sedikit orang yg ~ dengannya*; **2.** bekerja sbg dukun, berbomoh, berpawang: *sekarang tidak banyak lagi orang yg ~*;

mendukuni mengubati dgn cara berdukun: *banyak juga orang yg sakit berat setelah didukuni oleh puteri itu menjadi baik*;

perdukunan yg mengenai atau berkaitan dgn pengubatan cara kampung atau tradisional, yg berkaitan dgn ilmu dukun: *di rantau sebelah sini, gejala dan kegiatan perbomohan atau ~ sudah menjadi rempah dlm kehidupan*.

dukung I; *kain* ~ kain penggendong atau pengambin (anak dll);

berdukung duduk bercelapak di belakang atau di pinggang orang: *anak monyet berpegang teguh dan ~ pd ibunya ke mana sahaja ibunya pergi*;

mendukung **1.** membawa kanak-kanak kecil sama ada ia bercelapak pd pinggang (atau di belakang) atau dgn menyokong punggung kanak-kanak itu dgn sebelah tangan dan sebelah tangan lagi diletakkan di bawah ketiaknyanya: *perempuan itu ~ anaknya*; **2.** menggendong: *dia memasukkan barang-barang itu ke dlm kain dan ~nya*; **3.** ki memikul atau menyokong dan berusaha dsb utk menjayakan (memperkukuh, menegakkan, dsb): *bahawasanya negara kita Malaysia ~ cita-cita hendak mencapai perpaduan yg lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; mereka tidak teragak-agak lagi utk ~ cita-cita mendaulatkan Bahasa Kebangsaan; dlm konteks negara kita Malaysia, tugas ini didukung oleh Dewan Bahasa dan Pustaka*; **4.** membantu

bersama-sama, menyokong: *parti yg memerintah didukung oleh majoriti rakyat*; **5.** mengemukakan atau menyampaikan (maksud dsb): *pemilihan kata-kata dlm cerpen itu kurang dapat ~ isi ceritanya*;

~ *biawak hidup* prb perihal mempunyai isteri atau anak perempuan yg naka; *didukung disangka orang sakit, kiranya orang kekenyangan* prb menolong orang yg tidak kena pd tempatnya;

dukungan **1.** sesuatu yg didukung: *maka Malim Deman pun meletakkan ~nya lalu naik ke rumah Nenek Kebayan*; **2.** keadaan didukung: *anaknyanya yg keempat dlm ~ dan anaknyanya yg kelima dlm kandungan*; **3.** tempat mendukung (spt pd pinggang, belakang, di atas tangan, dsb): *anaknyanya tertidur di atas ~nya*; **4.** sokongan, pertolongan, bantuan: *kelahiran Malaysia telah mendapat ~ yg kuat drpd pihak Bangsa-Bangsa Bersatu*;

pendukungan **1.** perbuatan mendukung seseorang (di pinggang, di belakang, dsb); **2.** perihal mendukung (sesuatu cita-cita dsb): *dlm semua karyanya, penulis itu menonjolkan ~nya terhadap realiti Malaysia*;

pendukung **1.** orang yg mendukung seseorang (di pinggang, di belakang, dsb); **2.** orang yg mendukung (menggendong), penggendong, pembawa; **3.** sesuatu yg digunakan utk mendukung (menggendong), penggendong, pembawa: *Bujang Selamat pun menghadap Uli Emak si Anjing memohonkan kain ~ tepak*; **4.** orang (persatuan dsb) yg mendukung (sesuatu cita-cita dsb), sesuatu yg menyokong (menjadi sumber kekukuhan dsb): *persatuan-persatuan belia merupakan ~ cita-cita kerajaan utk mewujudkan satu generasi muda yg berdedikasi dan berhemah tinggi*; **5.** orang yg mendukung (memperjuangkan) sesuatu fahaman: *~ faham liberal mendapat sambutan yg kuat drpd rakyat*

yg *cinta kebebasan*; **6.** sesuatu yg mendukung (akan menyampaikan), penyampai, pengemuka: *susunan kata dan gaya kalimat mempunyai tugas sbg ~ rasa pencipta.*

dukung II; ~ *anak* sj tumbuhan (pokok), amin buah, rami buah, turi hutan, *Phyllanthus niruri*.

dukut Jw ark rumput.

dulang I 1. sj talam drpd kayu (kadang-kadang berkaki): *pd dicecah dgn kuku, biar terletak di atas ~*; **2.** talam; ~ *alas* talam utk pengalas makanan dll; ~ *pelanda* talam pelimbang emas (bijih dll); *bagai ~ dgn tudung saji* prb sesuatu yg berpadanan (spt suami isteri yg sama elok parasnya dll); *lain ~ lain kaki, lain orang lain hati* prb tiap-tiap orang berbeza kesukaannya; *mengata ~ paku serpih, mengata orang awak (aku) yg lebih* prb mencela orang tetapi diri sendiri lebih buruk drpd yg dicela;

berdulang mempunyai (beralaskan) dulang, bertalam: *hidangan itu dibawa ke dlm tanpa ~*;

berdulang-dulang beberapa banyak dulang (berserta lauk-pauk di dalamnya): *sekawah nasi dan ~ lauk musnah dlm banjir kilat itu*;

mendulang melanda (melimbang) emas atau bijih dgn dulang: *banyak orang yg didapati ~ bijih di anak-anak sungai dlm kawasan hutan simpan*;

pendulangan perbuatan mendulang, pelimbangan;

pendulang 1. dulang utk melanda (melimbang); **2.** orang yg kerjanya mendulang (emas, bijih, dsb).

dulang II Mn; **mendulang** membumbung berkepul-kepul (asap dll).

dulang III Jw; **mendulang** menyuapkan makanan kpd anak-anak.

dulang IV sj tumbuhan (pokok), bereksa, tengguli, *Cassia fistula*;

dulang-dulang 1. sj tumbuhan (pokok renek), petai belalang, petai laut, *Desmodium umbellatum*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), bungau, ceremai antan, ubah paya, *Glochidion obscurum*.

dulapan sl lapan.

duli 1. sl abu, debu (yg melekat pd kaki): *maka hancur luluhlah segala menjadi ~*; **2.** bd baginda: *maka D~ Yang Maha Mulia pun bertitah kpd sekalian yg hadir*; **3.** kaki; *bercemar ~* bd pergi, berjalan; *ke bawah ~ tuanku* kpd baginda; *mata ~ buku lali*; *menjunjung ~* a) menyembah, sujud kpd raja; b) mengerjakan perintah raja;

berduli 1. sl berdebu; **2.** bd pergi ke, bercemar.

dulsimer (Muz) sj alat muzik yg dipalu.

dulu bp dahulu.

dulu betina; *bunga ~* bunga yg pistilnya masak lebih dahulu drpd stamen.

dulu jantan; *bunga ~* bunga yg stamennya masak lebih dahulu drpd pistil.

dumbel (dumbél) alat senaman yg terdiri drpd satu batang besi, plastik dsb yg pendek dan terdapat pemberat pd kedua-dua hujungnya, digunakan utk membina otot lengan dan bahu.

dumdum sj peluru yg meledak apabila kena pd sasarannya dan boleh menyebabkan maut atau kecederaan parah; → **demdem**.

dumka sj lagu rakyat Rusia.

dumping → **damping III**.

dumung Jw, sl ular yg bisa dan berwarna hitam.

dunak Jw sj bakul besar.

dungari 1. sj kain kapas yg kasar, digunakan terutamanya utk membuat pakaian lasak dsb: *seluar ~*; **2.** pakaian yg terdiri drpd seluar dan kain penutup dada yg bertali dua dr bahagian atasnya hingga ke

belakang pinggang seluar: *gaun bercorak dan ~ denim nampak kemas, sesuai utk si comel manis.*

dungas ark; **mendungas** mendungus, mendengkus.

dungkul sj hantu.

dungu tongong, bebal, bodoh, tolol, dongok;

mendungukan menjadikan dungu, membodohkan, membebalkan;

kedunguan perihal dungu, kebodohan, kekebalan, ketololan.

dungun sj tumbuhan (pokok), *Heritiera littoralis*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Juglandaceae, paar, teraling, *Engelhardtia spp.* (terutama *E. serrata* dan *E. spicata*).

dunia **1.** bumi dan segala yg terdapat di permukaannya, alam (tempat kita duduki): *lombong Kinta ialah kawasan lombong bijih timah yg terkaya di ~; itulah kekasihnya ~ dan akhirat*; **2.** perihal hidup, kehidupan: *~ hari ini penuh dgn penindasan dan kepura-puraan*; **3.** segala manusia yg hidup di bumi: *seluruh ~ turut bersedih atas kematian Presiden John. F. Kennedy*; **4.** bidang, lapangan, alam: *dlm ~ perniagaan orang Melayu masih jauh ketinggalan*; **5.** bahagian dunia (negara dll), masyarakat: *~ sebelah sini masih lagi dlm keadaan huru-hara; ~ barat*;

~ akhirat sepanjang masa, di dunia dan di akhirat: *~ kanak-kanak perihal hidup kanak-kanak: ~ luar masyarakat (negeri dll) luar: ~ ramai masyarakat ramai (umum): ~ sukan lapangan sukan; ~ diadang, kikir diperbuat, ~ diadang, saku dijahit prb bersuka-suka mahu, tetapi mengeluarkan wang enggan; memakai ~ berganti-ganti, yg hidup sesarkan mati, dgn mati itu bernanti-nanti prb baka yg turun-temurun tidak akan putus*;

sedunia yg mengenai (melibatkan) negeri-negeri di seluruh dunia: *pameran dagangan ~*;

berdunia **1.** hidup atau berada di dunia; **2.** bersuka-suka di dunia, sangat berusaha mencari harta dunia: *kebanyakan mereka yg ~ itu habis harta benda mereka tergadai*; **3.** ki bergaul, bercampur, berkawan, bersahabat: *dia asyik berkurung di dlm bilik, tidak ~ langsung dgn orang*;

keduniaan **1.** perihal dunia, kehidupan di dunia: *dia manusia biasa yg mempunyai perhitungan sendiri mengenai kemanusiaan dan ~*; **2.** harta benda dunia, kesenangan hidup di dunia: *banyak orang yg khayal dgn ~ semata-mata*.

duniawi keduniaan: *ahli-ahli siasah dan pemimpin negara memberikan corak hidup ~ yg tertentu kpd kita*;

keduniawian **1.** bersifat dunia, mengenai sesuatu yg tidak kekal; **2.** perihal terlalu mementingkan keduniaan (kebendaan dsb).

duniawiah ark keduniaan.

duodenum (duodénium) bahagian pangkal usus kecil, terletak di antara perut dan jejunum (tali perut).

duopoli (Eko) pasaran satu komoditi atau perkhidmatan yg dikuasai oleh dua penjual, pembekal, atau pengeluar sahaja.

dup IB; **didup** disiram dgn air suci dlm agama Kristian, dibaptiskan.

dupa kemenyan (setanggi dsb) yg harum baunya apabila dibakar;

mendupai membakar dupa;

pedupaan, pendupaan, perdupaan tempat membakar (menyimpan) dupa: *kemudian Sutan Balun pun meminta ~*.

dupak; mendupak menyepak, menendang.

dupleks (dupléks) **1.** (bkn rumah) berangkai dua, berkembar; **2.** (bkn pangsapuri dsb) mempunyai dua tingkat bagi setiap unit; **3.** (Komp) (bkn sistem) mempunyai dua set unsur berguna yg dapat digunakan serentak atau secara sokongan; ~ *penuh* (Komp) kemampuan menghantar dan menerima data melalui talian

komunikasi secara serentak dan dua hala melalui dua saluran yg berasingan.

duplikasi pertindanan pelaksanaan tugas dsb: *ini boleh menyebabkan berlaku ~ di beberapa kementerian dr segi fungsi dan bidang kuasa;*

menduplikasikan **1.** membuat salinan atau lembaran kedua; **2.** menyebabkan berlaku pertindihan tugas (kerja dll) yg dilaksanakan oleh orang (agensi dsb) tertentu: *keseragaman asas desa belum lagi ~ keseragaman asas kota.*

duplikat IB salinan surat dll.

duplo IB rangkap dua, dua sekali (surat dll), dwilipat.

dur Ar mutiara.

dura I sl risau, susah hati, gelisah: *dilipurkannya hatinya yg ~ dgn membaca buku cerita.*

dura II sl jauh: *nampaknya hampir tetapi ~.*

duralumin sj aloi aluminium yg ringan dan kuat yg mengandungi tembaga, silikon, magnesium dan mangan, dan digunakan dlm pembuatan kapal terbang.

dura mater (Bio) lapisan selaput paling luar yg teguh yg menutupi otak dan saraf tunjang.

durat Ar (jamak bagi dur) mutiara.

duren (durén) Jk durian.

dures (durés) (Udg) kekerasan, ugutan, ancaman dsb (yg salah di sisi undang-undang) yg dipaksakan ke atas seseorang supaya melakukan sesuatu (membuat pengakuan dsb) yg bertentangan dgn kemahuannya: *pengakuan itu dibuatnya dlm keadaan ~.*

durhaka → **derhaka**.

duri I 1. bahagian tajam yg terdapat pd tumbuh-tumbuhan atau binatang:

~ *rotan*; ~ *landak*; ~ *ikan* tulang ikan; **2.** ki kesusahan atau kesukaran yg dihadapi;

~ *di hutan siapa pertajam* prb kekuasaan Tuhan itu tidak ada batasnya: *adakah ~ dipertajam* prb perselisihan tidak perlu diruncingkan lagi; *bagai ~ dlm daging* prb hal yg selalu menyusahkan orang: *air diminum rasa ~, nasi dimakan rasa sekam* prb terlalu bersedih hati;

berduri mempunyai duri: *kawat ~ kawat berpintal* yg diberi berduri drpd kawat yg tajam-tajam;

berduri-duri 1. berduri banyak; **2.** ki banyak rintangan (kesulitan dll);

menduri 1. spt duri: *tajamnya ~ landak*; **2.** ki menyakiti (menyusahi dll) hati: ~ *hatiku melihat perangnya yg tidak senonoh; kata-kata yg ~ kata-kata yg menyakiti hati.*

duri II; *akar ~ sj tumbuhan (pokok renek), akar bedara laut, Randia fasciculata.*

duri III 1. sj ikan laut, *Arius spp.*; ~ *otek, Arius utik*; **2.** sj ikan laut, *Ketengus typus*; **3.** = ~ *muncung* sj ikan laut, *Osteiogeneiosus militaris.*

durian 1. sj tumbuhan (pokok yg buahnya berkulit tebal dan berduri), *durio spp.*; ~ *api* = ~ *daun* = ~ *tanah* sj tumbuhan (pokok) *Durio macrophyllus*; ~ *burung* sj tumbuhan (pokok), *Durio pinangianus*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), *Durio malaccensis*; **2.** = ~ *belanda (eropah)* = ~ *mekah* sj tumbuhan (pokok), *Annona muricata*; **3.** = ~ *laut* sj tumbuhan (pokok), dungun, *Brownlowia argentata*; ~ *tembaga* buah durian yg isinya berwarna kuning dan rasanya lebih sedap drpd isi durian yg lain-lain;

beruang *bagai ~*, *bernabu* *bagai cempedak* prb sudah berantara (berjarak) spt saudara yg telah jauh; *dapat ~ runtuh* prb mendapat keuntungan dgn tidak disangka-sangka atau dgn tidak bersusah payah; *masak ~ masak manggis* prb perempuan biasanya lebih teguh menyimpan rahsia drpd lelaki; *spt ~ menunjukkan pangsa* prb orang yg gemar menunjukkan kebesaran dirinya; *spt mentimun dgn ~* prb orang yg lemah (bodoh, miskin) melawan orang yg kuat (cerdik, kaya).

durias sj kain yg halus.

duriat → **zuriat**.

durja sl (air) muka, wajah: *wahai aria ningsun ~ yg berseri; bermuram ~ bermacam muka, bermuram* (kerana susah hati, sedih, dsb).

durjana **1.** jahat (bkn kelakuan, perbuatan, dsb), keji: *dia mendendami lelaki ~ yg telah menodai kesucian kekasihnya; melakukan (berbuat) ~ melakukan perbuatan jahat; 2.* derhaka (terhadap negara, bangsa, agama, dsb): *ada golongan pelampau yg ~ terhadap negara Malaysia dan cuba memecah-belahkan rakyat berbilang bangsa di negara ini;*

mendurjanakan mendatangkan kesan buruk (kerugian, kerosakan, dsb): *segeralah berakhir perang yg ~ ini;*

kedurjanaan perbuatan durjana (jahat, keji), kejahatan, kekejian: *kekotoran dan ~ hatinya sudah pun terdedah;*

pendurjanaan perihal melakukan perbuatan durjana (derhaka), penderhakaan: *~ terhadap nusa dan bangsa.*

dursila (Sanskrit) berkelakuan buruk (jahat dll); *perbuatan ~* Id perbuatan yg salah.

duru Mn; **berduru, berduru-duru** berduyun-duyun: *maka baginda pun pergilah berduru-duru dgn orang-orangnya menyelongkar rumah Pinang Peribut.*

dusanak → **dansanak**.

dusi Mn; **mendusi** belum jaga betul drpd tidur, masih berasa mengantuk sesudah bangun drpd tidur.

dusin Jk; **mendusin** **1.** jaga drpd tidur (sekejap): *dia tidur nyenyak betul, sepingun pun tidak ~*; **2.** bangun, sadar: *selepas sepuluh minit barulah dia ~ dr pengsanannya*; **3.** mengerti akan, menyedari, menginsafi: *dia tidak dapat ~ maksud yg tersembunyi di sebalik kata-kata itu*.

dusta **1.** bohong, tidak benar: *katanya dia sedang sakit tetapi itu adalah ~ semata-mata*; **2.** = **berdusta** berkata yg tidak benar: *masih kecil lagi sudah pandai ~*;

mendusta membuat dusta, bercakap bohong, berkata tidak benar;

mendustai membuat dusta kpd, berbohong kpd, membohongi: *tidak baik kita ~ orang tua kita*;

mendustakan menganggap dusta (tidak benar, bohong): *janganlah hendaknya anak-anak kita tergamak ~ ajaran alim ulama itu*;

kedustaan perihal dusta, sesuatu yg dusta, kebohongan: *kejujuran adalah sesuatu amanah, dan ~ adalah suatu khianat*;

pendustaan perihal mendustai, pembohongan: *~ dan pembohongan terhadap Islam dan Nabi Muhammad SAW*;

pendusta orang yg suka berdusta, pembohong.

dustur ark undang-undang, peraturan.

dusun I **1.** kampung yg terpencil, dukuh; *orang ~ orang kampung (desa)*; **2.** kebun buah-buahan: *~ yg sudah tua tidak lagi dapat mengeluarkan hasil yg memuaskan*;

berfikiran ~nya itu alam ini, belalang disangkakan helang prb orang yg terlalu sempit (terhad) pengetahuannya: jikalau kerana sebuah ~ maka binasa negeri, haruslah ~ itu dibuangkan prb

orang yg menyebabkan kacau-bilau di sesuatu tempat haruslah dinyahkan;

berdusun mempunyai dusun (buah-buahan);

pedusunan kawasan dusun, kumpulan dusun.

Dusun II suku kaum di Sabah.

duta 1. utusan: *raja* ~ sl ketua utusan; **2.** = ~ *besar* pegawai diplomatik yg tertinggi pangkatnya yg dihantar oleh kerajaan atau negaranya ke negara asing utk tinggal menetap di sana (selama beberapa tahun) sbg wakil kerajaannya; **3.** wakil yg dilantik secara sah atau dihantar (oleh kerajaan, pertubuhan, firma, dsb) ke negara asing (mis utk menggalakkan pelancongan, pelaburan, dsb): *kumpulan kebudayaan dr Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dihantar ke Paris sbg “~” penggalakan pelancongan ke Malaysia; ~ kecil* kanak-kanak yg dihantar ke luar negeri sbg “duta” (utk menggalakkan pelancongan dsb); ~ *pengembara* Id wakil negara yg pergi ke negara-negara lain utk menguruskan sesuatu hal;

kedutaan pejabat tempat duta dan pegawai-pegawai diplomatiknya bertugas: *di Bangkok, Amerika Syarikat mempunyai ~ yg terbesar sekali;*

perdutaan ark perutusan ke luar negeri;

peduta, penduta ark sl timbalan (penolong) ketua dlm sesuatu utusan: *apa nama raja dutanya dan siapa ~nya?*

duti cukai yg dikenakan oleh kerajaan terutamanya atas barangan import;

~ *eksais* duti yg dikenakan pd barang yg dikilangkan di dlm negeri; ~ *eksport* duti yg dikenakan pd barang yg dieksport; ~ *import* duti yg dikenakan pd barang yg diimport; ~ *kastam* duti yg dikenakan pd barang yg diimport atau yg dieksport oleh sesebuah

negara; ~ *setem* duti yg dikenakan pd dokumen (spt surat perjanjian, dokumen pindah hak milik, dll) yg bayar dgn membeli dan mematkan setem.

duyun; berduyun-duyun (datang, pergi, dsb) beramai-ramai dan tidak putus-putus, berbondong-bondong: *ketika itu orang sedang ~ pergi ke tempat kerja masing-masing; pagi-pagi lagi, orang sudah ~ menuju ke Stadium Merdeka.*

duyung I = *babi* ~ sj binatang laut, *Dugong dugon*.

duyung II; *angin ekor* ~ angin yg tidak tetap arah tiupannya.

duyung III wanita yg kononnya berbadan separuh manusia dan separuh ikan (bahagian ekor) dan tinggal di laut; *air mata (minyak tangis)* ~ ark air yg dipercayai boleh dibuat ubat pengasih (guna-guna); *minyak ~, perendang* ~ prb melawan guru dgn ilmunya atau menghabiskan harta tuan atau ibu bapanya sendiri.

DVD kep *digital video disc* (cakera video digital, iaitu cakera yg boleh menyimpan filem atau muzik yg lebih banyak dan lebih berkualiti berbanding dgn cakera padat).

dwi- *awalan asing* dua, mis *dwibahasa*.

dwiarah (bergerak, mengalir, dsb) dlm dua arah yg berlawanan.

dwiatom (Kim) sebatian atau molekul yg terdiri drpd dua atom.

dwibahasa 1. yg ditulis atau dinyatakan dlm dua bahasa: *majalah 'Reader's Digest' telah menerbitkan edisi ~nya; kamus ~;* **2.** boleh bertutur dlm dua bahasa (biasanya dgn darjah kefasihan yg sama): *kebanyakan orang Malaysia ~;*

berdwibahasa menggunakan dua bahasa: *kebanyakan mereka ~ di rumah dan di asrama; kita perlu ~ jika mahu menjadi bangsa yg maju;*

mendwibahasakan membuat (menyusun, menghasilkan dsb) sesuatu penerbitan (buku, risalah dsb) dlm dua bahasa: *tindakan*

sedang diambil utk ~ sebuah kamus Mandarin menjadi Kamus Bahasa Mandarin-Bahasa Melayu Dewan;

kedwibahasaan **1.** pemakaian dua bahasa oleh seseorang atau sesebuah masyarakat, bilingualisme; **2.** kefasihan bertutur dlm dua bahasa, bilingualisme.

dwibahasawan orang yg boleh bertutur dlm dua bahasa dgn fasih.

dwibelah dwipihak, dwisisi.

dwibudaya mempunyai (mengamalkan) dua kebudayaan yg utama (spt kebudayaan Inggeris dan kebudayaan Perancis yg diamalkan di Kanada).

dwibulanan (berlaku atau muncul) setiap dua bulan: *mesyuarat ~; majalah ~.*

dwicabang mempunyai dua cabang (pecahan), dwipecahan: *pengelasan ~.*

dwicekat dapat menggunakan kedua-dua belah tangan kiri dan tangan kanan dgn sama cekap;

kedwicekatan perihal (keadaan atau sifat) dapat menggunakan kedua-dua belah tangan kanan dan kiri dgn sama cekap.

dwicekung cekung pd kedua-dua permukaannya (bkn kanta).

dwicembung cembung pd kedua-dua permukaannya (bkn kanta).

dwidarma dua kemestian atau kewajiban.

dwidaun mempunyai dua daun.

dwidewan (dwidéwan) (mengenai sistem pemerintahan) yg mempunyai dua dewan (spt Dewan Rakyat dan Dewan Negara dlm Parlimen Malaysia).

dwifokus mempunyai dua fokus yg berbeza: *kanta ~.*

dwifungsi dua tugas.

dwiganda Id kembar dua, dwilipat, duplo.

dwiguna mempunyai dua kegunaan.

dwihuruf (Lin) dua huruf yg melambangkan (mewakili) satu bunyi (spt *ng, ny, sy*), dwilambang, huruf rangkap, digraf.

dwijantina (Ubat) mempunyai kedua-dua alat kelamin (bkn individu).

dwilambang (Lin) dwihuruf, huruf rangkap, digraf.

dwilipat ark Id rangkap dua, dua sekali (surat dll), duplo, dwiganda.

dwilogam terdiri drpd dua logam: *unsur* ~;

kedwilogaman (Eko) sistem kewangan yg menggunakan dua jenis logam, terutamanya emas dan perak, pd nilai relatif tetap sbg sandaran nilai mata wang: *penggunaan secara serentak kedua-dua logam emas dan perak ini sbg wang disebut* ~.

dwimatra puisi yg terdiri drpd dua kaki matra (iaitu dua pasang kaki yg bertekanan).

dwimingguan (berlaku atau muncul) setiap dua minggu: *laporan* ~; *akhbar* ~.

dwimodul dua modul.

dwimolekul (dwimolékul) melibatkan atau mempunyai dua molekul: *kebanyakan tindak balas bersifat* ~.

dwimusim yg berlaku (hidup dsb) dlm masa dua tahun: *tanaman* ~.

dwipaksa Id kata kerja yg boleh bertugas dlm bentuk aktif dan juga pasif (mis *sampah masuk matanya* dan *matanya masuk sampah*).

dwipartisan berkaitan dgn atau terdiri drpd dua parti atau kumpulan politik yg berlainan: *resolusi tersebut difailkan oleh satu kumpulan* ~ *yg terdiri drpd lima penggubal undang-undang*.

dwipecahan dwicabang.

dwipihak antara (melibatkan) dua pihak, dwibelah, dwisisi: *perjanjian* ~.

dwipurwa (Lin) pengulangan suku kata pertama pd kata akar dgn atau tanpa perubahan dlm nilai bunyi vokal yg terdapat pd suku kata

pengulang (mis *je jari* drpd *jari*, *bebenang* drpd *benang*, dan *sesendi* drpd *sendi*), penggandaan suku kata pertama.

dwiseksual (dwiseksual) **1.** mempunyai organ pembiakan jantan dan betina pd organisma (tumbuhan dan haiwan) yg sama, mis cacing, jagung dan tumbuhan berbunga, biseks; **2.** cenderung utk melakukan hubungan seks dgn lelaki dan juga wanita (bkn orang), biseksual;

kedwiseksualan perihal (keadaan dsb) dwiseksual, kedwijantinaan.

dwisisi dwipihak, dwibelah.

dwistandard bkn prinsip yg membenarkan lebih banyak kebebasan kpd seseorang atau sesuatu kumpulan drpd orang atau kumpulan lain: *kami tidak mengamalkan ~ dlm menguatkuasakan undang-undang.*

dwisuku (Lin) = ~ *kata* mempunyai dua suku kata (bkn perkataan), bersuku kata dua.

dwitahunan (berlaku atau diadakan) setiap dua tahun: *pameran itu merupakan suatu acara ~.*

dwitunggal Id dua tetapi seakan-akan satu juga.

dwiwarna Id; *Sang D~* Sang Merah Putih, bendera Republik Indonesia.

Dy simbol kimia bagi disprosium.

DYMM kep Duli Yang Maha Mulia.

e huruf kelima abjad Rumi.

e (é) sr kata utk menarik perhatian (memanggil, mengejek, dll): ~, *tengok rumah terbakar di sana!*; ~, *jaga baik-baik titi itu licin!*; ~, *tak malu budak telanjang!*

EAEC kep *East Asia Economic Caucus* (Perundingan Ekonomi Asia Timur).

ebam (ébam) ark sj bekas air drpd tembikar yg panjang bulat dan bertutup.

ebek (ébék) **I** penudung jendela (spt bidai dll) utk melindungi sesuatu ruang drpd panas matahari.

ebek (ébék) **II** sj ikan laut, *Alectis spp.*

ebeng (ébéng); **mengebeng** menari berhadap-hadapan dgn atau bersama-sama dgn wanita joget yg diberi bayaran.

eber (éber) **Kl 1.** gelambir, pial (ayam); **2.** kain dll tudung jendela atau pintu, langsir; **3.** bahagian dinding yg menganjur keluar.

ebi (ébi) C udang kering.

Ebola = *demam* ~ sj penyakit bawaan virus yg dicirikan oleh perdarahan yg teruk dr rongga tubuh dan pemusnahan tisu dalaman yg akhirnya boleh menyebabkan kematian.

ebonit (ébonit) getah hitam (biasanya keras) yg terhasil dgn mencampurkan getah asli dgn sulfur pd suhu dan tekanan tinggi.

ebro (ébro) sj kenderaan sewa (dua atau empat rodanya).

ece (écé) Jw; **mengece** mengejek, mempersendakan.

ecek (écék) bp pura-pura;

ecek-ecek bukan sungguh-sungguh (betul-betul), olok-olok; *perang* ~ perang olok-olok.

eceng (écéng) Jk sj tumbuhan (herba yg boleh dimakan bunganya), *Limnocharis flava*.

ecer (écér) **I** Kl; **mengecer** **1.** menjelejhkan (air, minyak, dll), menaburkan di sana sini; **2.** ki menyebarkan atau menceritakan (rahsia dll) ke sana ke mari, mengheboh-hebohkan. **3.** meratakan sesuatu: *Pak Man sedang ~ simen di hadapan rumahnya.*

ecer (écér) **II** Jw; **mengecerkan** menjual sedikit-sedikit, menjual (secara) runcit;

eceran perihal menjual barang sedikit-sedikit: *pedagang ~ di pinggir jalan; harga ~ harga menjual barang sedikit-sedikit, harga (jualan) runcit.*

ECG kep *electrocardiogram* (elektrokardiogram).

edafologi (édafologi) kajian tentang pengaruh tanah terhadap benda hidup, terutamanya tumbuhan, termasuklah penggunaan baja dan pemuliharaan taraf kesuburan tanah.

e-dagang proses menjalankan urusan perniagaan (membeli atau menjual barangan atau perkhidmatan) melalui rangkaian komputer atau internet: *manfaat ~ ini boleh dinikmati oleh semua golongan pedagang dan orang biasa selaku pengguna.*

edah (édah) □ **idah II.**

edan (édan) Jw gila: *entah gadis itu telah ~ entah sekadar berkelakar, ia tidak tahu; ~ kesmaran sl gila cinta (berahi), mabuk cinta.*

edar (édar); **beredar, mengedar** ark **1.** bergerak berkeliling hingga sampai ke tempat asal (permulaan), berlegar: *bumi kita ini ~ mengikut garis perjalanannya yg tertentu; bintang ~ bintang siarah, planet; 2.* berpindah-pindah dr tangan ke tangan: *surat pekeliling itu sudah ~ beberapa hari dahulu; 3.* berundur dr tempat seseorang itu berada (utk pulang, pergi ke tempat lain, dll), berpindah (beralih) tempat: *tamat sahaja pertandingan itu, maka penonton pun ~ pulang; ~ dr meja makan ke tempat rehat; zaman*

~ *musim berubah* prb keadaan sesuatu itu berubah-ubah dr masa ke masa;

mengedari 1. (bergerak) mengelilingi, melegari: *bumi ~ matahari*;

2. menjelajahi: ~ *dunia dgn basikal*; **3.** menjalani sekitar: *dibawanya saya ~ jalan-jalan raya di Kuala Lumpur*;

mengedarkan, memperedarkan menyampaikan sesuatu drpd seorang kpd seorang lain dan seterusnya, mengelilingkan, menyebarkan: *setiausaha kami telah ~ surat undangan mesyuarat kpd semua ahli*; *pelayan dlm jamuan itu ~ pinggan berisi kuih kpd tetamu sekalian*; *barang yg diperedarkan dahulu mesti dikembalikan pd hujung bulan ini*; ~ *wang* mengeluarkan wang utk digunakan oleh rakyat;

edaran 1. = **peredaran** sesuatu siri perubahan (bkn keadaan, benda, dll) yg berulang-ulang atau yg akan kembali kpd keadaan asalnya; ~ *air edaran air menjadi wap, wap menjadi awan, awan menjadi hujan (air)*; ~ *melambung meleset* (Eko) perubahan keadaan ekonomi drpd keadaan makmur menjadi meleset, kemudian makmur kembali; **2.** (sesuatu) yg diedarkan: *surat ~*;

peredaran 1. perihal beredar, gerakan yg berkeliling: ~ *matahari*;

2. perjalanan dr satu tempat ke tempat lain; **3.** perpindahan (wang) dr tangan ke tangan (dlm masyarakat); **4.** perkembangan drpd suatu keadaan kpd yg lain: ~ *hidup*; ~ *dunia* = ~ *zaman* perkembangan atau perubahan dunia (masa);

pengedaran perihal (usaha, kegiatan, dsb) mengedarkan: ~ *risalah*;

pengedar 1. (Kej) alat utk menyampaikan arus elektrik ke palam penyala silinder; **2.** penjual barang-barang kpd penjual runcit atau pembeli: ~ *buku*.

edema (édema) (Ubat) kewujudan air yg berlebihan pd ruang antara tisu tubuh sehingga menyebabkan bahagian yg berkenaan kelihatan bengkak.

edik (édik) perintah, pengisytiharan, dll yg formal oleh pihak yg berkuasa.

edisi (édisi) **1.** versi tertentu buku yg dicetak pd satu-satu masa: ~ *Dewan Bahasa dan Pustaka*; **2.** bentuk teks yg diterbitkan: ~ *kulit keras*; **3.** keluaran surat khabar atau majalah berkala utk masa atau tempat tertentu: *surat khabar ~ pagi*.

edit (édit); **mengedit** menyunting (karangan, buku, dsb);

pengeditan proses (kerja dsb) mengedit, penyuntingan;

pengedit orang yg mengedit, editor.

editor (éditeur) orang yg memperbaiki (memperkemas) dan menyediakan karangan (makalah, buku, dsb) utk dicetak, penyunting, pengedit: *mereka berbicara tentang tanggungjawab ~, penulis, dan pembaca*; ~ *kopi* editor yg menyunting manuskrip dr segi ketepatan dan keselarasan ejaan, istilah, tatabahasa, gaya bahasa, dan gaya penulisan sesuai dgn gaya penerbit.

editorial (éditorial) **1.** bkn dgn editor (dr segi tugas, tanggungjawab dsb): *jawatankuasa ~*; **2.** rencana khas dlm akhbar dsb yg ditulis oleh editor, pengarang, atau penerbitnya utk mengutarakan pandangan atau ulasan tentang sesuatu persoalan semasa, lidah pengarang, rencana pengarang.

EDP kep *electronic data processing* (pemrosesan data elektronik).

ee (éé), **eeh** (ééh) sr kata utk menarik perhatian (kerana hairan, terkejut, dll): ~, *jaga-jaga sikit ya!*; ~, *kalau tak silap, itu Encik Nasir!*

EEC kep *European Economic Community* (Komuniti Ekonomi Eropah).

efek I (éfék) kesan: *rancangan luar bandar jelas kelihatan ~nya di kampung-kampung*.

efek II (éfék) IB surat yg boleh dicagarkan (spt bon, surat saham, dll).

efektif (éféktif) ada kesannya (pengaruhnya), berkesan, mujarab (bkn ubat): *satu sistem perkhidmatan awam yg ~ tidak akan wujud semata-mata kerana pelaksanaan disiplin yg kuat sahaja.*

efemeral (éfemeral) (Bio) bkn tumbuhan yg menyelesaikan kitar hidupnya dlm jangka masa yg pendek, terutama tumbuhan di padang pasir.

efendi (éféndi) (Turki) tuan (sebutan bagi golongan bangsawan).

efisien (éfisien) bkn individu, organisasi, mesin, dll yg boleh menjalankan tugas dgn cekap (tanpa pembaziran waktu dan tenaga);

keefisienan perihal atau keadaan efisien, kecekapan, keterampilan: *rasuah mengakibatkan turunnya ~ dlm pentadbiran.*

efloresens (éflorésens) (Bio) proses berbunga atau tempoh berbunga.

efluen (éfluen) (Kim) sisa buangan cecair (spt bahan kimia, kumuhan, dsb) dr kilang, atau kumbahan yg mengalir keluar ke dlm sungai atau laut.

EGA kep *enhanced graphics adapter* (penyesuai grafik tertingkat).

egah mulia;

mengegahkan; ~ *diri* memuliakan diri.

egah (égah); **mengegah** berjalan dgn mengangkat bahu ke depan (kiri dan kanan berganti-ganti).

egalitarian (égalitarian) **1.** bkn egalitarianisme; **2.** orang yg mendukung atau menganut egalitarianisme.

egalitarianisme (égalitarianisme) fahaman bahawa semua orang sama rata, dan dgn itu mestilah mendapat hak dan peluang yg sama: *dlm keluarga Melayu amnya dan keluarga Islam khususnya, terdapat ciri-ciri ~ yg mendasari bentuk keluarga demokratik.*

egat ark; **mengegatkan** mengeratkan.

egerang (égerang) Jw jangkungan, kaki kayu.

ego (égo) persepsi seseorang tentang harga dirinya, yg seterusnya mempengaruhi keyakinan dirinya: *dan sbg hamba yg sudah bebas kembali, ~nya datang, keperibadiannya tumbuh, sifatnya sbg manusia berkembang dan mengukuh kuat; beliau mengakui bahawa perasaan ~nya sangat kuat;*

keegoan perihal mementingkan diri sendiri: *ia menceritakan segala kesenangannya, dan lebih jauh drpd itu memperlihatkan ~nya.*

egois (égois) **1.** orang yg suka mengutamakan (menonjolkan) diri serta bermegah-megah: *sbg ~, kita tidak suka dikritik.*

egoisme (égoisme) (Psi) sikap (kelakuan) yg mementingkan diri sendiri atau menganggap diri sendiri lebih penting drpd orang lain.

egoistik (égoistik) bkn orang yg mementingkan diri sendiri.

egol (égol) Jk; **mengegol** mengungkit, mengumpil.

egomania (égomania) sifat atau perasaan terlalu sayang akan diri sendiri dan mementingkan segala kemahuan diri sendiri sahaja.

egos (égos) Jk; **mengegosi** mengelak sesuatu, menghindari (dgn berbelok, menyisir, dll);

mengegoskan 1. membelokkan utk mengelakkan sesuatu (kereta dll); **2.** mengelakkan (pukulan, tikaman, dll).

egosentrik (égosentrik) (Psi) bersifat mementingkan keperluan sendiri sahaja (tanpa mengendahkan keperluan orang lain).

egosentrisisme (égoséntrisisme) sifat atau sikap mementingkan diri sendiri sahaja tanpa mengendahkan kepentingan orang lain.

egotisme (égotisme) (Psi) perihal mementingkan diri sendiri.

eh (éh) sr kata utk menyatakan kehairanan (terkejut, terperanjat, dll): “~, *dulu di sinilah dia tinggal! Sudah dipindahkan dia agaknya?*”

ehem (éhém) **1.** bunyi batuk kecil; **2.** sr kata utk menyatakan tahu akan sesuatu (rahsia dll): ~, *aku tahulah!*

ehwal (éhwal) hal, kejadian: ~ *semasa*.

einsteinium (éinstéinium) (Kim) unsur radioaktif bersimbol Es dan bernombor atom 99.

eja (éja); **mengeja** membunyikan (menulis) huruf-huruf secara berturut-turut dlm sesuatu perkataan: ~ *perkataan sama ialah s-a-m-a*;

ejaan kaedah atau cara menulis perkataan dgn huruf: *penyelarasan* ~ *khususnya tertumpu pd kata-kata pinjaman (tatanama ubat, bahan kimia, batu, bakteria, virus, kulat, dll)*;

pengejaan perihal mengeja.

ejan I; **mengejan** meneran (apabila membuang air besar, ketika perempuan hendak bersalin, dll); **rejan I**.

ejan II Mn; **mengejan, mengejan-ejan** memaksa (-maks), mencari-cari.

ejek (éjék); **mengejek** mempersendakan (mempermainkan, mentertawakan) orang (dgn mengajuk, mengeluarkan kata-kata yg memarahkan dll), memperolok-olokkan, mencemuh, menghina, menyindir: *engkau yg ~ dia tadi, sebab itulah ditempelengnya engkau*;

ejek-mengejek saling mengejek antara satu sama lain;

berejekan ejek-mengejek: *antara mereka saling ~*;

ejekan perbuatan mengejek, cemuhan, olok-olok (utk menghina), sindiran: *saya sudah lali dgn ~ mereka semua*.

ejen (éjén) **1.** orang (syarikat dsb) yg menjalankan perniagaan utk orang lain, wakil penjual: *barang-barang gudang kalau dibeli drpd ~nya tentu lebih murah*; **2.** orang yg diupah (digaji) utk melakukan sesuatu utk orang lain (pemerintah dll): *beberapa orang ~ musuh telah ditangkap sebelum mereka sempat melakukan kerja*

menyerobot; ~ *provokasi* ejen rahsia yg digaji utk memprovokasi orang yg disyaki melakukan perbuatan salah.

ejing sj permainan.

ek (ék) bp berlagak (menunjukkan kemegahan, keangkuhan, dsb):
walaupun dia tidak mempunyai kerja, dia selalu ~.

eka- (éka) (Sanskrit) *awalan asing* esa, satu, tunggal, mis *ekabahasa*.

ekaatom (ékaatom) (Kim) mempunyai satu atom.

ekabahasa (ékabahasa) **1.** (bkn kamus) dlm satu bahasa (keseluruhan kandungannya, iaitu perkataan dll yg ditakrif, takrif, serta maklumat lain yg diberikan): *Kamus Dewan ialah kamus ~*; **2.** (bkn orang) mengetahui atau boleh bertutur dsb dlm satu bahasa sahaja (biasanya bahasa ibundanya);

berekabahasa dapat bertutur dlm satu bahasa sahaja: *kelas peralihan utk murid-murid yg ~ Melayu.*

ekafungsi (ékafungsi) mempunyai satu fungsi.

ekahala (ékahala) mempunyai atau mengikut satu hala sahaja.

ekamatra (ékamatra) **1.** mempunyai satu dimensi, berukuran satu; **2.** baris puisi yg mempunyai satu kaki matra sahaja.

ekapaksi (ékapaksi) mempunyai satu paksi.

ekar (ékar) ukuran luas yg bersamaan dgn 4840 ela persegi atau 4046.86 meter persegi.

ekasuku (ékasuku) (Lin) mempunyai satu suku kata (bkn perkataan).

ekawarna (ékawarna) mempunyai satu warna.

ekeh (ékéh) Mn; **terekeh-ekeh** terngap-ngap, termengah-mengah.

ekistik (ékistik) (Geog) kajian tentang petempatan manusia.

eklektik (ékléktik) dipilih atau diperoleh yg terbaik drpd berbagai-bagai sumber yg berlainan (bkn idea, gaya, kepercayaan, objek dsb):
pendekatan ~; kaedah ~.

eklektisisme (ékléktisisme) amalan atau prinsip memilih sesuatu (objek, idea, gaya, kepercayaan, sistem dsb) drpd berbagai-bagai sumber agar memperoleh pilihan yg terbaik.

ekografi (ékografi) pemeriksaan struktur (organ atau tisu) dalaman tubuh dgn teknik ultrabunyi.

ekogram (ékogram) rakaman yg dibuat secara ekografi.

ekokardiografi (ékokardiografi) pemeriksaan jantung dgn menggunakan teknik ultrabunyi.

ekokardiogram (ékokardiogram) rakaman yg dihasilkan secara ekokardiografi.

ekolalia (ékolalia) **1.** (Psi) kecenderungan seseorang mengulangi atau meniru kata-kata yg baru sahaja dituturkan oleh orang lain secara spontan disebabkan faktor spt kerosakan otak dan penyakit mental; **2.** perbuatan meniru kata-kata orang lain oleh kanak-kanak yg baru belajar bercakap.

ekologi (ékologi) **1.** kajian tentang hubungan antara organisma hidup dgn persekitarannya; **2.** hubungan antara tumbuhan, binatang dan manusia dgn persekitaran: *keseimbangan sistem ~ mengalami kerosakan sehingga menimbulkan pelbagai bencana.*

ekonometri (ékonométri) penerapan ilmu matematik dan statistik bagi menyelesaikan masalah dan teori ekonomi.

ekonomi (ékonomi) **1.** ilmu bkn pengeluaran, pengagihan, penggunaan barang-barang, dan perkhidmatan: *beberapa orang penuntut ~ sedang membantu Kementerian Buruh menyelidiki keadaan pengangguran sekarang ini; ahli ~ orang yg pakar dlm bidang ekonomi*; **2.** sistem pengendalian sumber kekayaan (kewangan, perindustrian, perdagangan, dll) sesebuah negara: *langkah-langkah perlu diambil dgn segera utk mewujudkan ~ yg lebih menguntungkan rakyat jelata*; **3.** keadaan kekayaan atau

kebendaan: *pertentangan kaum pasti menghancurkan ~ negara yg maju ini*; **4.** bp urusan mengenai hal (perbelanjaan, penggunaan barang-barang, dll) dlm rumah tangga; **5.** bp hemat, kehematan; ~ *campuran* sistem ekonomi yg sebahagian sumbernya dikawal oleh sektor awam dan sebahagian lagi oleh sektor swasta; ~ *kebajikan* cabang ekonomi yg memperhitungkan asas-asas ekonomi dr segi kebajikan masyarakat; ~ *kewangan* cabang ekonomi yg membincangkan soal kewangan dan peranannya dlm ekonomi; ~ *makro* makroekonomi; ~ *mikro* mikroekonomi; ~ *pertanian* cabang ekonomi mengenai pengeluaran (pembahagian dll) hasil pertanian; ~ *politik* cabang ekonomi yg menganalisis ekonomi berdasarkan pendekatan politik; ~ *tak stabil* ekonomi yg tidak tetap (pengeluarannya dll); ~ *terbuka* ekonomi yg melibatkan perdagangan sesebuah negara dgn negara yg lain; ~ *tertutup* ekonomi yg tidak melibatkan perdagangan antarabangsa, iaitu tidak wujud aktiviti import dan eksport barang dan faktor pengeluaran;

berekonomi **1.** mengerjakan sesuatu dgn berdasarkan asas-asas ekonomi; **2.** berhati-hati (menggunakan wang dll), berjimat, berhemat, bercermat;

berekonomikan berdasarkan sesuatu sbg sumber ekonomi: *sistem politik yg berideologikan nasionalisme dan ~ kapitalisme*;

keekonomian **1.** keadaan berekonomi; **2.** bp kecermatan, kehematan;

perekonomian hal atau kegiatan ekonomi.

ekonomik (ékonomik) bkn sesuatu yg menghasilkan keuntungan atau tidak merugikan, atau yg tidak melibatkan atau tidak menggunakan perbelanjaan, dsb yg membazir: *usaha yg dijalankan setakat ini masih menghadapi banyak masalah, spt saiz ladang yg tidak ~.*

ekonomis (ékonomis) Id, bp tidak boros, jimat, tidak menggunakan sesuatu dgn membazir atau berlebihan.

ekopelancongan (ékopelancongan) pelancongan yg berasaskan sumber dan pemeliharaan alam semula jadi (spt flora, fauna, pantai, tasik, sungai dll): *pelbagai kajian dijalankan utk menjadikan Tasik Bera sbg pusat penyelidikan dan ~.*

ekopraksia (ékopraksia) (Psi) kecenderungan meniru gerak-geri seseorang secara spontan.

ekor (ékor) **1.** bahagian yg di belakang sekali pd tubuh binatang (biasanya spt menganjur keluar dr tulang punggung dan boleh digerak-gerakkan): ~ *ikan pari panjang dan tirus ke hujung; burung merak mempunyai ~ yg cantik;* **2.** a) penjumlahan bilangan utk binatang: *dua ~ burung punai; empat ~ lembu;* b) bk penjumlahan bilangan utk anak: *anak empat ~ tu, siapa yg menjaganya?* **3.** sesuatu yg menyerupai ekor: ~ *layang-layang itu gunanya ialah supaya layang-layang itu tidak terjat;* **4.** bahagian yg paling belakang (pd perarakan dll): ~ *perarakan itu baru saja lalu di sini;* **5.** bk pengikut, penganut; **6.** = **ekoran** akibat (perkembangan dsb) drpd sesuatu peristiwa dll, lanjutan: *perbincangan kali ini sebenarnya ialah ekor drpd ceramah yg kita dengar dahulu; tindakan yg buruk spt itu takkanlah tidak ada ~nya nanti;* ~ *belangkas* a) bayonet yg rupanya spt ekor belangkas; b) cucuk sanggul yg rupanya spt ekor belangkas; ~ *buaya* sj alat yg digunakan utk membuat keris; ~ *cicak* rambut yg berjuntai di antara telinga dan pipi; ~ *kuda* (fesyen) rambut perempuan yg diikat dan berjuntai di belakang spt ekor kuda; ~ *lipas* rambut pd lubang tengkuk; ~ *lotong* sj meriam kecil yg hujungnya (pd bahagian belakangnya) spt ekor lotong; ~ *mata* sudut mata kiri (kanan) yg di sebelah luar; ~ *negeri* hujung kampung yg di sebelah

hilir; ~ *pipi* bahagian pipi yg di bawah sekali; ~ *pulau* hujung pulau yg di sebelah hilir; ~ *tikus* kikir yg panjang dan bulat (tidak bersegi);

~ *anjing beberapa pun diurut akan dia, tiada juga betul = lurus-lurus* ~ *anjing, walau bagaimanapun ada juga bengkoknya = habis sepasu minyak* ~ *anjing, tidak akan lurus = hendak meluruskan* ~ *anjing* prb orang yg bertabiat jahat itu bagaimanapun hendak diperbaiki tetap jahat juga; *bagai lintah dipotong* ~ prb sesuatu yg dilakukan dgn pantas; *tiada tentu* ~ *kepala* prb rupa orang yg gemuk dan buruk;

berekor 1. mempunyai ekor, ada ekor; **2.** ki berterusan akibatnya (kesannya dsb), berpanjangan, berlanjutan: *baik awak mengaku saja, supaya perkara ini tidak ~ ke dlm mahkamah;*

berekor-ekor berikut-ikut (berturut-turut) memanjang, berlarut-larut: *kesal yg dirasa di hatinya ~ pula;*

berekoran; ~ *drpd* terbit atau berlaku sbg perkembangan drpd sesuatu peristiwa, perkembangan, dsb yg telah berlaku, lanjutan drpd;

mengekor 1. bergayut (bergantung) spt ekor; **2.** mengikut: *Cikgu Midah ~ di belakangnya;* **3.** mengikut atau menurut(i) sahaja (sesuatu yg dilakukan oleh seseorang), meniru: *penulis kita ~ sahaja, menurut jalan yg sudah ditebang dan ditebas oleh tokoh-tokoh sastera yg lain; kami angkatan baru pantang ~;*

mengekori mengikut(i) atau menyertai dr belakang: *Leman hanya membuntut orang tua itu spt anak manja ~ ibunya;*

ekoran akibat atau perkembangan seterusnya yg timbul drpd sesuatu peristiwa dll, lanjutan (drpd sesuatu yg telah berlaku);

pengekoran perbuatan dsb mengekori (menerima dan mengikuti sahaja): *dia tidak dapat menerima realiti begitu sahaja, dia membantah ~ tersebut;*

pengekor pengikut, penganut.

ekor (ékor) **II**; ~ *angin* sj tumbuhan (herba), daun sejumbuk, *Plantago major*; ~ *kucing* sj tumbuhan (herba), *Dysophylla auricularia*; ~ *kuda* a) sj tumbuhan (pokok), jati bukit, *Dacrydium beccarii*; b) sj tumbuhan (rumpai), rumput tahi babi, *Cernonia cinerea*; ~ *kuning* sj tumbuhan (herba), *Utricularia flexuosa*; ~ *landak* sj tumbuhan (herba), *Staurogyne comosa*; ~ *tupai* sj tumbuhan (pokok), *Justicia betonica*; *pokok ~ anis = pokok ~ anjing = pokok ~ kucing* sj tumbuhan (pokok), *Uraria crinita*; (*pokok*) ~ *anjing* sj tumbuhan (pokok renek), pokok korat tanah, *Uraria lagopoides*.

ekor (ékor) **III**; *murai (merbah) ~ gading* sj burung, *Terpsiphone paradisi*.

ekor (ékor) **IV**; ~ *pedang*, sj ikan laut, *Xiphophorous spp.*

ekosistem (ékosistem) sistem yg melibatkan interaksi antara suatu komuniti (haiwan, tumbuhan, dsb) dgn alam persekitarannya yg tidak bernyawa.

ekotip (ékotip) (Bio) kumpulan tumbuhan atau haiwan dlm sesuatu spesies, yg menyesuaikan diri utk hidup dlm keadaan persekitaran tertentu.

eksais (éksais) cukai atas barang-barang yg dikeluarkan dan digunakan di dlm negeri; *jabatan (pegawai) ~ jabatan (pegawai)* yg mengurus dan menjaga pemungutan eksais.

eksantema (éksantéma) (Ubat) demam yg dicirikan dgn letusan pd kulit, mis demam campak.

eksekutif (éksékutif) (orang atau golongan) yg mempunyai kuasa dan tanggungjawab berkaitan dgn pentadbiran atau pengurusan sesuatu organisasi (syarikat perniagaan dll).

eksemplar (éksemplar) IB helai, (se)buah buku: *beri saya buku itu satu ~.*

eksentrik (ékséntrik) aneh (bkn perlakuan, idea dll): *orang yg ~;*

keeksentrikan perihal (sifat atau keadaan) eksentrik.

ekshibit (ékshibit) (Udg) barang kes.

eksisi (éksisi) (Ubat) pembuangan sesuatu organ (struktur, tisu dsb) badan secara pemotongan semasa pembedahan.

eksistensi (éksisténsi) kewujudan: *mereka ketika itu menghadapi penyerbuan buruh asing dan mengetepikan ~ penduduk tempatan.*

eksistensialis (éksisténsialis) orang yg menganut falsafah eksistensialisme.

eksistensialisme (éksisténsialisme) fahaman (falsafah) moden yg menekankan pentingnya pengalaman manusia, dan bahawa setiap manusia (pd akhirnya) bertanggungjawab atas segala tindak-tanduknya: *drama tragedi menggarap persoalan yg serius spt soal-soal prinsip hidup yg berhubung dgn takdir, dan mempersoalkan ~.*

ekskavasi (ékskavasi) kegiatan penggalian yg dilakukan utk mendapatkan maklumat tentang benda zaman purbakala.

eksklusif (éksklusif) bkn (tempat, orang, dll) yg bertaraf tinggi (dlm masyarakat): *restoran ~;*

keeksklusifan keadaan eksklusif: *karya reka yg lebih halus dan indah yg menggambarkan keunikan, ~, dan keaslian usaha seni pertukangan.*

ekskursi (ékskursi) perjalanan beramai-ramai ke tempat yg tidak jauh (utk beristirahat, meninjau-ninjau, dll), darmawisata;

berekskursi berjalan atau berpergian beramai-ramai ke tempat yg tidak jauh (utk melihat-lihat tempat dll), berdarmawisata.

eksodus (éksodus) perpindahan penduduk (meninggalkan kampung halaman, negeri, kota, dsb) secara beramai-ramai.

eksogami (éksogami) **1.** (Ant) adat atau perbuatan mengahwini seseorang drpd suku kaum lain; **2.** (Bio) penyatuan dua gamet yg berasal drpd dua induk yg mempunyai hubungan kekeluargaan yg jauh atau tidak mempunyai hubungan kekeluargaan.

eksokarpa (éksokarpa) (Bio) epikarpa.

eksosfera (éksosféra) lapisan paling luar atmosfera bumi yg letaknya kira-kira 400 km di atas permukaan bumi.

eksoterma (éksoterma) (Kim) bkn proses atau tindak balas kimia yg membebaskan haba.

eksotik (éksotik) **1.** berasal dr luar negeri, asing; **2.** luar biasa keistimewaannya (fesyen, masakan, dll): *restoran itu kerap menghidangkan masakan yg ~;*

keeksotikan keadaan eksotik: *hasil sastera itu mendapat perhatian dunia kerana ~nya yg berhubungan dgn penikmatan.*

eksotika (éksotika) (sesuatu spt fesyen, makanan dll yg) luar biasa keistimewaannya: *filem mereka selalu memberikan gambaran klise tentang ~ Dunia Ketiga; kereta ~.*

eksotisisme (éksotisisme) (Sas) keanehan yg tergambar pd aspek latar, peristiwa dan watak yg mempesonakan atau mengasyikkan.

ekspatriat (ékspatriat) (orang) yg tinggal di negara asing: *pegawai ~.*

ekspedisi (ékspédisi) **1.** penghantaran atau pengiriman tentera utk sesuatu tindakan dll; **2.** perjalanan atau pemergian ke sesuatu tempat utk menyiasat (mencari, menemui, dll).

eksperimen (ékspérimen) **1.** ujian atau penyelidikan, terutamanya yg dirancang utk membuktikan sesuatu hipotesis; **2.** percubaan pd sesuatu yg baru dan berbeza;

bereksperimen membuat eksperimen: *dia merupakan dramatis yg terus ~;*

mengeksperimenkan melakukan eksperimen (terhadap seseorang atau sesuatu): *keupayaan Adi ~nya dlm sajak-sajaknya amat berkesan.*

eksperimental (ékspérimental) bkn (berasaskan, bersifat) eksperimen, bersifat percubaan.

eksperimentalis (ékspérimentalis) orang yg menjalankan eksperimen: *Galileo ialah seorang ~ besar dan juga seorang ahli matematik.*

eksperimentasi (ékspériméntasi) perihal (proses, perbuatan, tindakan dsb) membuat atau melakukan eksperimen, biasanya dlm bidang seni spt seni lukis, seni teater dsb: *fesyen ini merupakan ~ terhadap keupayaan pereka fesyen tempatan.*

eksplisit (éksplisit) (dinyatakan) dgn tepat dan jelas, tanpa dikias-kias, tersurat: *arahan yg ~; Kemala secara implisit dan ~ mempertentangkan unsur kesetiaan dgn pengkhianatan dan ketidakjujuran;*

mengeksplisitkan menjadikan eksplisit: *semua pembicara adat berusaha ~ konsep ini.*

eksploit (éksploít); **mengeksploit** mengambil kesempatan utk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dsb secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri;

pengeksploit orang yg mengeksploit seseorang atau sesuatu.

eksploitasi (éksploítasi); **1.** perbuatan (tindakan dsb) mengambil kesempatan utk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dsb secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri

sendiri: *sememangnya sudah ada peraturan tertentu utk mengelakkan ~ terhadap pekerja asing; langkah tertentu mestilah diambil dgn segera utk memastikan gejala rasuah dan ~ harga rumah tidak terus berleluasa; 2. perbuatan (tindakan, usaha dsb) mengerjakan, memajukan dsb sumber-sumber alam dsb dgn sebaik-baiknya utk mendatangkan keuntungan, faedah dsb: projek ini dianggap sbg suatu ~ lombong-lombong terbiar utk dijadikan tempat menternak ikan air tawar secara besar-besaran yg menguntungkan;*

mengeksploitasi melakukan eksploitasi: *pastikan tiada majikan yg mengambil kesempatan utk ~ pekerja berikutan kemelut ekonomi yg melanda negara kini; penduduk luar bandar harus pandai ~ peluang perniagaan yg sedia ada;*

mengeksploitasikan mengeksploitasi;

pengeksploitasian perihal (perbuatan, tindakan dsb) mengeksploitasi: *~ wanita dapat dilihat menerusi iklan yg menjatuhkan martabat wanita secara halus; maklumat yg terkini dapat diperoleh melalui ~ segala kemudahan teknologi maklumat yg tersedia di pasaran;*

pengeksploitasi pihak (orang, badan dsb) yg mengeksploitasi.

eksplorasi (éksplorasi) penjelajahan ke lapangan utk memperoleh sesuatu: *melalui pengamatannya, semua jenis ~ itu merupakan cara utk belajar.*

ekspo (ékspo) singkatan bagi eksposisi.

eksponen (éksponen) (Mat) simbol yg ditulis di atas dan di kanan simbol lain utk menunjukkan setakat mana simbol yg terkemudian itu dinaikkan nilainya, spt dlm x^3 .

eksport (éksport) **1.** penghantaran barang-barang atau perkhidmatan ke luar negeri utk tujuan perdagangan: *ekonomi negara ini akan*

merosot kiranya ~ getah dan bijih timah beransur-ansur kurang; dlm hal ~ kita banyak bergantung pd bahan-bahan mentah; 2. barang-barang atau perkhidmatan yg dihantar ke luar negeri: hasil drpd buah-buahan adalah ~ utama negeri itu; ~ berkembang (Eko) eksport yg semakin bertambah; ~ semasa (Eko) eksport yg sedang berjalan pd masa ini (sekarang); 3. (Komp) menghantar keluar maklumat atau data daripada suatu atur cara dlm bentuk yg boleh dibaca oleh atur cara lain;

mengeksport, mengeksportkan mengirimkan barang-barang dll ke luar negeri: *dr pelabuhan ini mudah pula ~ barang-barang itu ke pasaran luar; semua negara yg moden mesti mengimport dan ~ barang-barang dagangan;*

pengeksporan perihal atau perbuatan mengeksport;

pengekspornan orang (syarikat dll) yg mengeksport.

eksposisi (éksposisi) **1.** pameran (terutamanya keluaran perindustrian, kerja tangan), ekspo; **2.** pernyataan (komen, penjelasan bertulis dan sistematik) tentang sesuatu perkara: *sejarah kesusasteraan ini merupakan suatu ~ persambungan dan perubahan alam fikiran.*

ekspres (éksprés) segera, cepat, pantas; *bas (kereta api) ~ bas (kereta api) yg tidak singgah-menyinggah atau yg cepat tiba dlm perjalanan jauh.*

ekspresi (éksprési) pelahiran maksud (perasaan dsb) dgn kata-kata (gerak-geri dll): *tanpa menonjolkan simbol yg berlebihan ~nya, dan tanpa mempedulikan teknik persembahan;*

mengekspresikan menyatakan atau meluahkan perasaan, fikiran, dll.

ekspresif (éksprésif) bkn sesuatu (perbuatan, tulisan, lukisan, dll) yg dapat melahirkan sesuatu maksud (perasaan, tujuan) dgn jelas:

sama ada melalui cetakan atau catan, Ghafar lebih memperlihatkan kesan ~.

ekspresionis (éksprésionis) orang atau golongan yg mengikuti faham ekspresionisme.

ekspresionisme (éksprésionisme) gaya penulisan, lukisan, muzik, dsb yg cuba melahirkan pengalaman seniman dr sudut emosi (bukan berdasarkan fakta yg nyata).

ekstasi (ékstasi) sj dadah berbahaya berbentuk pil yg bertindak sbg perangsang (menimbulkan rasa gembira dan bertenaga yg luar biasa) dan boleh menyebabkan ketagihan sehingga boleh merosakkan sistem saraf pusat.

ekstensif (éksténsif) luas liputannya.

ekstra (ékstra) tambahan: *pelakon ~.*

ekstradisi (ékstradisi) (Udg) pengembalian penjenayah oleh sesebuah negara ke negara tempat jenayah dilakukan atas permintaan negara itu supaya penjenayah tersebut dapat dibicarakan di negara berkenaan;

mengekstradisi melakukan ekstradisi: *Amerika Syarikat tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan khusus kpd kerajaan Malaysia utk ~ mana-mana pengganas.*

ekstrak (ékstrak) keluaran bahan tertentu drpd sesuatu bahan tumbuhan, haiwan, dll: *~ vitamin C drpd buah oren;*

mengekstrak mendapatkan (jus dsb) secara menghancurkan, menekan, menyuling dsb: *~ jus drpd nanas;*

pengekstrakan proses (perbuatan atau tindakan) mengekstrak: *~ protein drpd kacang soya;*

pengekstrak 1. alat atau mesin utk mengekstrak: *kakitangan loji pandu itu juga berjaya mencipta ~ cecair tekanan rendah dgn kerjasama pakar dr Switzerland; 2.* (Kim) bahan utk memisahkan

sesuatu sebatian drpd campuran, atau memisahkan gabungan beberapa sebatian drpd tisu atau dadah mentah: *asid itu merupakan pelarut, pencuci dan ~ utk bahan organik.*

ekstranei (ékstranéi) IB orang yg mengambil peperiksaan (sekolah menengah dll) dgn tidak mengikuti pelajaran (sekolah menengah dll) secara rasmi.

ekstrapolasi (ékstrapolasi) proses menggunakan logik atau fakta bagi menganggarkan kemungkinan berlakunya sesuatu pd masa depan: *pengitlakan semesta sains mesti dilihat sbg suatu ~;*

mengekstrapolasi melakukan atau membuat ekstrapolasi.

ekstrasel (ékstrasél) (Bio) berlaku atau terletak di luar sel.

ekstravaganza (ékstravaganza) bentuk persembahan hiburan yg besar-besaran, canggih, berwarna-warni, mahal dsb: *ramai pelancong asing yg membanjiri negara utk menyaksikan perarakan ~ kebudayaan terbesar di Asia itu.*

ekstrem (ékstrém) keterlaluan, melampau;

keekstreman perihal (keadaan) ekstrem.

ekstremis (ékstrémis) orang (golongan) yg sikapnya (pendiriannya) dlm sesuatu hal (spt politik) melampaui batas kesederhanaan, melampau: *sesetengah orang telah mencanangkan rasa kurang senang mereka terhadap pelantikan itu kerana beliau dianggap sbg ~.*

ekstremisme (ékstrémisme) faham (sikap, perlakuan, dsb) yg ekstrem; *~ agama bukan lagi merupakan ancaman terbesar di Malaysia.*

ekstrinsik (ékstrinsik) berasal atau bertindak dr luar.

ekstrovert (ékstrovert) (Psi) orang yg berminat terhadap hal yg berlaku di sekitarnya (di luar dirinya, dan tidak mengikut emosi) serta suka bergaul dgn orang lain, orang yg berfikiran terbuka.

ektoparasit (éktoparasit) (Bio) parasit yg hidup pd permukaan luar tubuh perumahnya, mis kutu kepala.

ekuestrian (ékuéstrian) berkaitan dgn aktiviti menunggang kuda: *sukan ~*.

ekuinox (ékuinoks) satu drpd dua ketika setiap tahun (pd 21 Mac atau 23 September) apabila matahari melintasi khatulistiwa lalu menjadikan siang dan malam sama panjangnya di serata tempat di dunia.

ekuiti (ékuiti) pemilikan saham biasa (dlm sesebuah syarikat): *dlm projek usaha sama, jika ~ sesebuah syarikat dapat dikuasai oleh pengusaha tempatan, ini tidak bermakna bahawa pengawalan teknologi yg diimport juga dapat dikuasai sepenuhnya*.

ekzema (ékszéma) radang pd kulit yg dicirikan dgn rasa gatal dan lecur.

ekzos (ékszós) paip yg menyalurkan gas dll keluar dr enjin sesebuah kenderaan.

ela (éla) ukuran panjang yg sama dgn 36 inci atau 91 sentimeter; ~ *Piawai Diraja* ukuran panjang ela yg ditetapkan oleh undang-undang British (*Imperial Standard Yard*).

elak (élak); **mengelak** **1.** menjauhkan diri drpd kena pukulan (tikaman dll), menghindar, menyisi: *setelah puas ia ~, tibalah gilirannya pula utk menyerang lawannya*; **2.** menjauhkan atau membebaskan diri drpd melakukan (atau terpaksa melakukan) sesuatu (tanggungjawab dll): *ia pura-pura ~ dan mempelawa orang lain membacakan doa selamat itu; saya tidak akan ~ kalau diminta berbuat demikian; tetapi kerajaan Amerika telah mengambil sikap berlengah-lengah, ~, dan bertanggung-tanggung selama tiga tahun*; **mengelakkan** menjauhkan atau menghindarkan diri drpd kena bahaya (tanggungjawab dll), menjauhkan atau menyingkirkan sesuatu supaya jangan mengenai diri dll: *ia hendak ~ dirinya drpd*

pandangan teman-temannya itu; Panglima Hitam melompat ~ tikaman itu;

terelak dapat (boleh) dielakkan;

terelakkan dapat dielakkan: *munculnya cahaya drpd matahari yg tidak ~;*

pengelakan perihal menjauhkan atau menghindarkan diri drpd tanggungjawab atau membebaskan diri drpd terpaksa melakukan sesuatu perkara;

pengelak orang yg mengelak atau mengelakkan diri drpd sesuatu: *pelabur institusi lebih bersikap sbg ~ risiko terhadap saham spekulatif; ~ cukai.*

elang → **helang**.

elastik (élastik) boleh kembali kpd bentuk asal selepas diregang (dikembangkan dsb), anjal, kenyal;

keelastikan perihal (keadaan, sifat dsb) elastik, keanjalan, kekenyalan: *keadaan bebenang itu yg boleh berubah-ubah memberikan jaringan ini sifat ~ bak getah.*

elastin (élastin) (Bio) protein berwarna kuning yg menjadi unsur utama tisu penghubung dlm haiwan, spt tisu paru-paru.

elastis (élastis) IB elastik.

elat (élat); **mengelat** melakukan sesuatu dgn tujuan utk menipu (dlm permainan dll), mencuri tulang;

pengelat orang yg suka mengelat.

elaun (élaun) bayaran yg diberikan kpd seseorang (oleh sesebuah organisasi) secara tetap (untuk melaksanakan sesuatu tugas): *~ ahli Dewan Rakyat telah dinaikkan; ~ anak* elaun utk dibelanjakan ke atas anak; *~ bermalam* elaun yg diberikan kerana terpaksa bermalam di sesuatu tempat (kerana menjalankan tugas); *~ buku* elaun utk membeli buku; *~ harian* elaun yg diberikan kpd pegawai

kerajaan yg bertugas di luar ibu pejabatnya bagi tempoh yg melebihi lapan jam tetapi kurang drpd 24 jam; ~ *hitungan batu* elaun perjalanan yg dikira mengikut jauh perjalanan (dgn kereta); ~ *keraian* elaun utk atau kerana meraikan seseorang; ~ *kerja malam* elaun kerana kerja yg terpaksa dilaksanakan pd malam hari; ~ *lebih masa* elaun kerana kerja yg terpaksa dilaksanakan di luar masa pejabat; ~ *luar negeri* = ~ *seberang laut* elaun kerana bekerja di luar negeri; ~ *makan* elaun utk perbelanjaan makan; ~ *pakaian* elaun utk membeli pakaian tertentu; ~ *pemangku* elaun yg diberikan kerana memangku sesuatu jawatan; ~ *perjalanan* elaun utk membiayai perbelanjaan perjalanan pekerja yg menjalankan tugas rasmi; ~ *perumahan* elaun utk membayar sewa rumah dsb; ~ *sara hidup* elaun yg diberikan kpd pekerja sbg tambahan kpd gajinya utk menampung perbelanjaan hariannya; ~ *susah payah* elaun kerana terpaksa menghadapi kesusahan sewaktu menjalankan tugas; ~ *tanggungjawab kerja* elaun yg diberikan kerana melaksanakan kerja dan tanggungjawab petugas atau jawatan lain di samping menjalankan tugas asasi seseorang.

ele (élé) Tr **1.** cicir, berciciran; **2.** menyeret-nyeret dgn memegang pd hujung (ular utk menakutkan kanak-kanak).

elefantiasis (éléfantiasis) (Ubat) penyakit yg menyebabkan anggota badan, terutamanya kaki, membengkak dan kulit menjadi tebal akibat jangkitan cacing filaria, untut.

elegan (élégan) tampan, rapi, anggun: *dia kelihatan begitu ~ dgn mengenakan pakaian yg dicipta khas oleh pereka fesyen.*

elegi (élégi) lagu, puisi, atau karya lain yg menyatakan kelebihan, rintihan, terutamanya kpd orang yg mati.

eleh (éléh) sr kata utk memperkecil-kecil seseorang: ~ , *ingat dia lawa!*

elektif (éléktif) bersifat pilihan (bkn mata pelajaran sesuatu kursus dsb):
di Universiti Teknologi Mara terdapat bahasa Jerman yg dijadikan sbg mata pelajaran ~ wajib.

elektoral (éléktoral) bkn pilihan raya: *semangat 46 membuat pakatan ~ dgn PAS.*

elektrifikasi (éléktrifikasi) IB perlengkapan atau pemasangan tenaga elektrik pd jentera dll;

mengelektrifikasi melengkapi atau memasang dgn tenaga elektrik.

elektrik (éléktrik) satu bentuk tenaga yg digunakan utk menghasilkan cahaya, kepanasan, dll;

keelektrikan selok belok elektrik: *dia mengambil satu kursus dlm ~;*

pengelektrikan proses (atau perihal) memasang atau melengkapi sesuatu (jentera, mesin dsb) dgn tenaga elektrik: *~ kereta api.*

elektro- (éléktro) *awalan asing* berkaitan dgn tenaga (proses) elektrik, mis *elektrolisis* dan *elektrokimia*.

elektroanalisis (éléktroanalisis) (Kim) analisis kimia secara elektrolisis.

elektrod (éléktrod) (Fiz) pengalir elektrik yg melaluinya arus elektrik keluar masuk sesuatu bahan (spt elektrolit, leburan logam, dll) atau peranti (spt tiub elektronik dll); *~ hidrogen piawai = ~ piawai* (Kim) elektrod yg digunakan utk menentukan keupayaan elektrod lain.

elektrodinamik (éléktrodinamik) cabang ilmu fizik yg berkaitan dgn saling tindakan daya elektrik dgn daya mekanik.

elektroensefalograf (éléktroénséfalograf) alat utk merakamkan aliran arus elektrik pd otak, biasanya digunakan utk mengesan tumor otak dsb.

elektroensefalogram (éléktróénséfalogram) rakaman aliran arus elektrik pd otak yg diperoleh drpd elektroensefalograf.

elektrofon (éléktrófon) alat muzik yg bunyinya dihasilkan secara elektronik.

elektrokardiograf (éléktrókardiograf) alat utk merakamkan gelombang arus dan voltan yg terhasil drpd denyutan jantung.

elektrokardiogram (éléktrókardiogram) rakaman yg dibuat oleh elektrokardiograf.

elektrokimia (éléktrókimia) cabang kimia bkn hubungan keelektrikan dgn tindak balas kimia.

elektrolisis (éléktrólisis) **1.** (Kim) pengaliran arus elektrik melalui elektrolit utk menjana gas, membentuk endapan logam pd elektrod, dll; **2.** (Ubat) pemusnahan tisu hidup, spt akar rambut dan tumor, dgn arus elektrik.

elektrolit (éléktrólit) (Kim) larutan atau bahan lebur yg mengalirkan arus elektrik.

elektromagnet (éléktrómagnét) (Fiz) besi yg menjadi magnet apabila arus elektrik dialirkan melalui dawai yg dililitkan padanya.

elektromagnetisme (éléktrómagnétisme) (Fiz) **1.** kemagnetan yg dihasilkan oleh arus elektrik; **2.** cabang fizik yg berkaitan dgn kemagnetan yg terhasil drpd saling tindakan medan elektrik dgn medan magnet.

elektron (éléktron) (Fiz) zarah yg lebih kecil drpd atom dan mempunyai cas negatif;

~ *bebas* elektron yg tidak terikat pd atom atau molekul, dan bebas bergerak di bawah pengaruh medan elektrik atau magnet; ~ *valens* elektron dlm petala atom paling luar, yg terlibat dlm pembentukan ikatan kimia ketika atom-atom itu membentuk sebatian; ~ *volt* unit

tenaga yg bersamaan dgn tenaga yg diperlukan utk menggerakkan satu elektron melalui beza keupayaan satu volt.

elektronegatif (éléktronégatif) (Kim) bkn atom, molekul, dll yg cenderung memperoleh atau menarik elektron.

elektronik (éléktronik) **1.** bkn elektron; **2.** bkn (penggunaan) alat yg dibina (dijalankan) dgn kaedah (prinsip) teknologi elektron: *barang-barang ~*; **3.** cabang fizik dan teknologi yg berkaitan dgn gerak laku, pembangunan, aplikasi dsb litar dan peranti elektronik.

elektropositif (éléktrPOSITIF) (Kim) **1.** mempunyai cas positif; **2.** mempunyai kecenderungan utk membebaskan elektron.

elektroskop (éléktrOSKOP) alat utk mengesan cas elektrik dan beza keupayaan elektrik.

elektrostatik (éléktrOSTATIK) (Fiz) cabang bidang fizik yg mengkaji pengaliran arus elektrik statik.

elektroteknik (éléktrOTÉKNIK) penggunaan tenaga elektrik pd bermacam-macam alat.

elektroterapeutik (éléktrOTÉRAPÉUTIK) cabang sains perubatan yg berkaitan dgn penggunaan elektroterapi.

elektroterapi (éléktrOTÉRAPI) (Ubat) perawatan penyakit dgn menggunakan arus elektrik (biasanya utk meredakan rasa sakit, terutamanya yg diakibatkan oleh kecederaan).

elemen (élÉMEN) **1.** anasir; **2.** sesuatu yg menjadi bahagian dlm sesuatu keseluruhan unsur: *ini disebabkan antara kedua-dua faktor itu terdapat ~~~ yg kuat tetapi berlawanan*; **3.** Id alat utk menimbulkan tenaga elektrik secara kimia.

elips (élIPS) bentuk bulat bujur (seakan-akan bujur telur): *stadium yg berbentuk ~ ini mempunyai kawasan seluas 76 000 meter persegi.*

elipsis (élIPSIS) **1.** tiga titik berurutan (...) yg menandakan pengguguran kata dlm teks; **2.** (Lin) pengguguran sebahagian kata dlm suatu

ungkapan, tetapi dapat difahami dlm konteks berkenaan, mis bagi soalan *Sudah makan?*, dijawab *Sudah sahaja*.

elit (élit); *kaum (golongan)* ~ golongan yg dianggap berpengaruh, intelek, dsb: *dlm hubungan ini, golongan ~ dan badan politik mempunyai peranan penting*.

elitis (élitis) **1.** berkaitan dgn golongan elit; **2.** orang yg percaya kpd atau menyokong elitisme.

elitisme (élitisme) **1.** kebanggaan diri menjadi salah seorang drpd anggota kumpulan elit: ~ *menjadikan mereka pekerja yg tidak baik*; **2.** kepimpinan oleh sesuatu kumpulan elit.

elk (élk) sj rusa besar yg terdapat di Eropah Utara, Amerika Utara dan Asia Utara.

elm (élm) sj pokok yg terdapat di hemisfera utara (mis negara Eropah), drpd genus *Ulmus* yg daunnya lebar dan bergerigi tepinya, kayunya keras dan berat.

elok (élok) **1.** cantik, menarik: *rupanya sangat ~; tulisannya ~ dan kemas*; **2.** baik, bagus: *cuaca sangat ~ hari ini; ikan banyak mengandungi protein, oleh itu ~lah dimakan selalu*;
~ *buruknya* baik ataupun *buruknya* (sesuatu); ~ *basa kan bakal hidup*, ~ *budi kan bakal mati* prb kalau elok tegur sapa akan jadi kesayangan orang sewaktu hidup, kalau elok budi akan jadi kenang-kenangan sesudah mati;

seelok sama elok dgn, sebaik;

seelok-elok pd waktu, sebaik: ~ *Timah bersalin sahaja, ia pun diceraikan*;

seelok-eloknya yg paling eloknya, sebaik-baiknya: ~, *wang yg lebih itu disimpan di bank*;

mengelokkan **1.** menjadikan elok (cantik), mencantikkan: ~ *rumahnya menjelang hari raya*; **2.** menjadikan elok (baik, bagus),

membaguskan, memperbaiki: ~ *kelakuan orang; memperelok adat resam kita;*

memperelok menjadikan lebih elok;

keelokan 1. perihal elok (cantik), kecantikan: *ia sekali-kali tidak terpengaruh oleh kecantikan atau ~ seorang perempuan;* **2.** perihal elok (baik, bagus), kebaikan, kebagusan: *mustahak dijaga ~ perjalanan enjin.*

elon Jk; **mengelon, mengeloni** memeluk (anak yg hendak tidur) sambil berbaring mengiring.

elon (élon); **mengeloni** memihak atau menyebelahi (kpd), memenangkan (satu pihak sahaja).

elus Jw; **mengelus, mengelus-elus 1.** mengusap-usap, membelai-belai, menyapu-nyapu dgn perlahan-lahan (utk memujuk dll): *tangannya yg bertelekan di atas tangan kerusi ~ rambutnya ke belakang;* **2.** memujuk(-mujuk), memperlakukan dgn baik (utk mempengaruhi dsb);

elusan 1. usapan, belaian; **2.** pujukan.

elusif (élusif) bkn seseorang yg sukar difahami atau yg suka mengelak.

em (ém) unit ukiran linear yg sama dgn saiz poin yg digunakan (enam poin em bermakna enam poin lebar).

emak orang yg melahirkan seseorang, ibu.

emang (Sunda) pak cik, paman.

emansipasi (émansipasi) **1.** pembebasan drpd perhambaan; **2.** pemberian hak yg sama dlm hukum (wanita mendapat hak yg sama dgn lelaki).

emas I 1. sj logam berwarna kuning yg mahal harganya (selalunya dijadikan perhiasan spt cincin, rantai, dll); **2.** sl mata wang (mengandungi 1/16 tahil emas): *bagaimana orang kaya memberi emas hanya se~; pd masa inilah beras mahal di Riau, berharga*

enam cupak se~; **3.** ki sesuatu yg tinggi mutunya (mulia, berharga, dll): *masa itu ~*; **4.** ki wang, wang suap, harta dunia;

~ bertitik sl emas yg dicanai: *tangga rumah emas bertuang, ibu tangga ~ bertitik*; *~ juita* sl kekasih, buah hati; *~ kahwin* mas kahwin, mahar; *~ kerajang* perada; *~ kertas* emas yg berhelai-helai; *~ lanar* emas yg halus spt pasir yg terdapat dlm lanar; *~ lantak* emas yg dituang (dicetak) berbatang-batang; *~ liplap* emas tiruan; *~ lombong* emas yg berada dlm batu-batu keras (diperoleh drpd lombong); *~ mentah* emas yg belum dikerjakan; *~ muda* emas yg kuning pucat dan rendah mutunya; *~ putih* aloi emas yg berwarna putih disebabkan adanya kandungan nikel atau platinum;

~ sepuluh mutu emas tulen (emas yg 24 karat); *~ tempawan* a) emas yg ditempa; b) sl gelaran (panggilan) pd perempuan yg cantik atau yg dikasihi; *~ tua* emas yg sejati, tidak bercampur; *~ urai* emas yg halus-halus spt pasir rupanya;

~ berpeti, kerbau berkandang prb harta benda harus dijaga mengikut keadaannya masing-masing; *bermimpi mendapat ~ takkan membuat pura, bermimpi mendapat padi takkan membuat lumbung* prb sesuatu pertelingkahan itu anggaplah spt mimpi sahaja (tidak usah dipanjang-panjangkan); *hutang ~ dapat dibayar, hutang budi dibawa mati* prb budi bahasa orang tidak dapat dibalas dgn wang dan harus diingat seumur hidup; *kerana ~ memas, kerana padi menjadi* prb kerana kekayaan, apa yg dimaksudkan dapat dicapai; *menyeberangi jambatan ~* prb berjuang utk mencapai kebahagiaan sesudah kemerdekaan diperoleh; *peti yg berisi ~ perak itu tiada dilelehkan orang* prb ilmu pengetahuan yg baik tidak dicurahkan orang di mana-mana sahaja; *spt ~ yg sudah tersepuh* prb putih kuning serta elok rupa paras seseorang perempuan; *tak ~ bungkal diasah* prb segala daya upaya dilakukan

utk mencapai maksud; *walau disepuh ~ lancung, kilat tembaga tampak juga* prb walau bagaimana sekalipun diajar orang yg biadap, perangnya yg kurang baik kelak akan kelihatan jua;

beremas **1.** memakai emas; **2.** mempunyai emas: *segala orang yg ~, bagaimana sekalipun kayanya, jikalau tiada dianugerahi raja tiada boleh dipakai*; **3.** ki berharta, berwang: *kalau ada ~, hidup, tiada ~, mati* prb kalau ada pencarian yg tetap akan senanglah kehidupan;

mengemas spt emas, menyerupai emas: *padi kuning ~*;

mengemasi **1.** melapisi dll dgn emas; **2.** menyuap, menumbuk rusuk: *segala orang yg diam di rimba Jerun itu pun diemasinya, sekaliannya menurut katanya*;

keemasan yg disalut (dilapisi dll) emas, yg dibuat drpd emas: *kedua-dua laki isteri itupun duduk di atas penterana yg ~; peluang ~ peluang yg paling baik*;

peremasan **1.** barang-barang emas; **2.** lapis emas; *adat ~* sl adat bkn perjanjian utk mengahwinkan kanak-kanak dgn orang yg tertentu apabila ia sudah besar.

emas II **Jw** **1.** panggilan yg sama dgn tuan; **2.** panggilan yg mesra (spt drpd isteri kpd suami dll); *~ merah* panggilan kpd kekasih.

emas III sj ikan darat (biasanya dijadikan peliharaan), *Carassius auratus*.

emat IB bp sukatan atau ukuran (baju, seluar, dll).

embacang sj tumbuhan (pokok dan buahnya yg sangat kuat baunya), *Mangifera foetida*;

~ buruk kulit = busuk-busuk ~ prb nampaknya tidak pandai (buruk dll) tetapi yg sebenarnya pandai (baik dll); *berbau bagai* ~ prb sudah terdengar-dengar berita atau rahsia mengenai perbuatan jahat (maksud yg tidak baik); **bacang, macang.**

embah Jw nenek.

embak (berlaku, terjadi, dll) pd suatu ketika, sekali gus, semuanya.

embal lembap, belum kering betul;

embalan air dll yg menyebabkan udara (tanah dll) lembap: *tanah ini datangnya dr gunung berapi dan boleh menyimpan ~.*

embalau I bahan spt damar yg dihasilkan oleh kelulut dan digunakan utk membuat piring hitam, bahan penobat, varnis, utk melekatkan keris (parang dll) pd hulunya dll, lak.

embalau II sj tumbuhan (pokok kecil), lada pahit, *Brucea amarissima*.

emban I kain pembalut badan (dada, susu, perut), tali pengikat atau pembebat perut kuda.

emban II Jw pengasuh.

embar (Sunda) ark; **mengembarkan** menyiarkan atau menyebarkan maklumat (undang-undang dll).

embara □ **kembara**.

embarang □ **embarau**.

embarau ban atau tambak (drpd tanah, batu, dll) yg kuat, atau kayu yg dicacak di tepi sungai atau laut.

embargo (émbargo) **1.** perintah drpd kerajaan yg melarang kapal perdagangan masuk atau keluar dr pelabuhan (biasanya dlm masa permusuhan); **2.** larangan mengeksport barang dagangan yg tertentu dll ke sesuatu negara (biasanya dlm masa permusuhan dll).

embaru sj tumbuhan (pokok), baru(-baru), bebaru, dedap laut, *Hibiscus tiliaceus*.

embas agak serupa dgn, seakan-akan.

embat; mengembat menyebat atau memukul dgn benda spt rotan dll.

embek (embék) **I 1.** bunyi spt bunyi kambing; **2.** bp kambing;

mengembek mengeluarkan bunyi embek (kambing dll).

embek (embék) **II** bp bibi(k).

embek (émbék) bidai dll utk melindungi sesuatu drpd cahaya matahari.

embel Jk paya yg penuh dgn berbagai-bagai tumbuhan.

embel (émbél) Jw; **embel-embel**, **embel-embelan** tambahan yg kecil-kecil (tidak begitu penting);

mengembel-embeli menambahi dgn sesuatu yg kecil-kecil atau tidak begitu penting.

ember (émbér) Id sj timba (drpd besi dll) utk menimba air, baldi.

embih ark panggilan kpd anak perempuan baik-baik.

embok Jw **1.** emak; **2.** = ~ *ayu* kakak.

embol (émbol) Id; **mengembol** berbenjol, berjendul.

embrat (émbelat) Jk sj perkakas spt cerek besar utk menyiram pokok bunga dll.

embrio (émbrio) (Bio) **1.** kandungan ibu dr satu minggu selepas konsepsi sehingga minggu kelapan, mudigah, janin; **2.** janin haiwan pd peringkat awal pembesaran sebelum lahir: *pemindahan ~ drpd seekor haiwan ternakan kpd haiwan yg lain.*

embriogenesis (émbriogénésis) embriogeni.

embriogeni (émbriogéni) proses pembentukan dan perkembangan embrio.

embriologi (émbriologi) (Bio) salah satu cabang ilmu perubatan yg mengkaji perkembangan embrio.

embriotomi (émbriotomi) pemotongan anggota fetus yg tersekat utk memudahkannya keluar dr rahim.

embuai sl panggilan kpd dayang istana (perempuan yg bekerja di istana).

embuh I mahu, ingin: *maka Bendahara Seri Maharaja berkata, “Budak-budak ~kah memandang emas?”*;

embuh-embuhan; ~ *tuah* untung-untungan.

embuh II; **embuh-embuhan** sungguhpun, meskipun.

embun 1. wap air yg turun pd waktu malam (kerana sejuk); **2.** wap air yg telah mengendap menjadi titik-titik (pd daun dll);

~ *asap* kabus atau embun halus spt asap pd malam hari; ~ *betina* = ~ *rintik* embun yg kecil-kecil titiknya; ~ *jantan* = ~ *lebat* embun yg besar titiknya; ~ *pagi* kabut pd waktu pagi; *kering* ~ waktu apabila embun mulai kering (kira-kira pukul 7 pagi);

spt ~ *di hujung rumput* prb tidak kekal dan segera hilang (kasih sayang dll); *spt* ~ *di atas daun* prb selalu berubah (maksud, niat, tujuan);

berembun 1. diliputi embun, disaput embun: *rambutnya masih* ~; **2.** tidur di luar rumah dll (pd malam hari) hingga kena embun, berada (berjalan-jalan) di luar rumah dll pd malam hari (hingga kena embun): *ia terpaksa* ~ *dan beratapkan langit hitam*;

mengembun 1. menjadi embun, menjadi titik-titik air yg halus: *malam sudah sejuk dan udara mulai* ~; **2.** spt embun, menyerupai embun;

mengembuni mengenai sesuatu dgn bertitik-titik: *air matanya* ~ *gambar suami yg terletak di depannya*;

mengembunkan, memperembunkan meletakkan atau mendedahkan di tempat lapang atau di luar rumah supaya kena embun: ~ *mengkuang pd waktu malam*.

embun II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Lecananthus erubescens*;

embun III; *pisang* ~ sj pisang yg besar dan manis, pisang bunga.

embun-embun sj tumbuhan (pokok renek), ambung-ambung, buas-buas laut, *Scaevola frutescens*.

embut; mengembut menarik atau mengangkat tali (kail dll) perlahan-lahan;

mengembut-embut, terembut-embut bergerak-gerak turun naik (spt nadi, ubun-ubun kanak-kanak, dll), bergembut-gembut, terkemut-kemut, berdenyut-denyut.

e-mel (imél) maklumat, mesej dsb yg dihantarkan secara elektronik dr satu terminal komputer ke terminal komputer yg lain;

meng-e-melkan menghantar maklumat, mesej dsb dgn menggunakan e-mel.

emeri (émeri) sj batuan berwarna hitam kekelabu-kelabuan yg keras dan kasar (biasanya dijadikan serbuk) yg digunakan utk mencanai, menggilap, melicinkan dsb sesuatu.

emeritus (éméritus) bkn seseorang yg telah bersara tetapi mengekalkan gelarannya sbg suatu penghormatan: *profesor ~*.

emetik (émétik) (Ubat) **1.** menyebabkan muntah (bkn ubat); **2.** ubat muntah.

emfisema (émfiséma) (Ubat) **1.** keadaan pundi udara dlm paru-paru yg membesar sehingga menyebabkan pesakitnya sukar bernafas; **2.** bengkak yg disebabkan oleh terdapatnya udara yg sangat banyak di dlm tisu badan.

emigran (émigran) orang yg meninggalkan negerinya utk menetap di negeri lain.

emigrasi (émigrasi) perpindahan ke negeri lain utk menetap di situ;

beremigrasi meninggalkan negeri sendiri utk menetap di negara lain.

emisi (émisi) pemancaran, penyinaran (cahaya, sinaran, dsb).

emolien (émolien) sediaan atau bahan yg mempunyai kesan yg melembutkan dan menyamankan apabila disapu pd kulit.

emolumen (émolumen) wang atau bayaran yg diperoleh drpd sesuatu pekerjaan, gaji.

emong Jw; **mengemong** mengasuh.

emosi (émosi) perasaan jiwa yg kuat, spt sedih, gembira, takut, dll: *masalah bahasa boleh menimbulkan sentimen dan ~ yg kurang sehat; ada juga beberapa perkara lagi yg perlu diketahui oleh bakal seniman, misalnya soal menunjukkan ~, ketawa, dan menangis;*

beremosi mempunyai emosi: *peluang komunikasi spt itu, lagi tepat dan jelas, lagi tidak ~.*

emosional (émosional) cenderung memperlihatkan emosi atau bertindak mengikut perasaan:

pd waktu begini, perasaan muda-mudi amat sensitif dan ~ sekali.

emotif (émotif) berhubungan dgn emosi: *pembangunan merupakan suatu perkataan yg ~ sifatnya.*

empal Jw daging goreng.

empang I 1. = **empangan, pengempang** tambak dll utk menahan arus atau aliran air (utk sesuatu keperluan supaya tidak terjadi banjir dll), bendung, tebat: *empangan moden telah dibina utk menahan air bagi mengeluarkan kuasa elektrik; 2.* kolam tempat memelihara ikan, tambak, tebat; **3.** ki penghalang, perintang: *malangnya, kesatuan kita itu saja ~ jalannya; ~ sampai ke seberang, dinding sampai ke langit prb a) perselisihan yg tidak dapat dibaiki atau didamaikan lagi; b) aturan (perintah) yg tidak boleh diubah (dilalui);*

berempangan mempunyai empangan: *sungai yg ~;*

mengempang 1. menggalangkan atau melintangkan sesuatu (mis dgn mendirikan tembok, benteng dsb) utk menahan aliran air sungai dsb, membendung (dgn membina empangan), menebat: *lembah-lembah sungai yg kecil telah diempang di kawasan bukit ini utk dijadikan kolam air; 2.* berada atau terletak dlm keadaan melintang (hingga menghalang perjalanan, lalu lintas, dll),

melintang: *jalan raya itu penuh sesak dgn kereta kerana ada sebuah motokar rosak ~ jalan*; **3.** ki menahan, menghalang, menghambat: *lajunya tidak dapat diempang*;

terempang terbendung, tertelat, tertahan; *tiada ~ peluru oleh lalang* prb kemahuan orang yg berkuasa tidak dapat ditahan oleh orang yg lemah;

pengempangan perihal atau perbuatan mengempang, pembinaan empangan, pembendungan, penebatan: *teknologi ~ yg cuba diutarakan oleh Ibu al-Haitham tersebut tidak jauh bezanya drpd teknologi yg dihasilkan di Barat sekarang ini*;

pengempang empang(an).

empang II Pr; **empang-empang** gila bahasa, agak ganjil (kelakuan atau perangai).

empap Mn 1. campak, lempar, hempas; **2.** = **berempap** bermain judi dgn melambungkan atau melemparkan wang ke atas; *pergi ~ pulang eban* Mn prb (perihal berjudi) tidak menang, tidak kalah (pulang modal);

mengempapkan menghempaskan, menjatuhkan kuat-kuat;

terempap jatuh terhempas atau tertiarap.

empar (émpar); **mengempar** hanyut keluar dr arah yg dituju (bkn perahu dll), menyerong keluar, bergerak (berpusing) keluar dr pusatnya; *berjalan ~ berjalan dgn kaki membuang (melangkah) keluar*;

mengemparkan (Fiz) memisahkan pepejal drpd cecair atau memisahkan campuran cecair yg mempunyai graviti tentu yg berbeza secara putaran mendatar yg laju: *dgn cara ~ darah beku ini, bahan tersebut dapat diperah keluar*;

pengemparan (Fiz) pemisahan pepejal drpd cecair atau pemisahan campuran cecair yg mempunyai graviti tentu yg berbeza secara putaran mendatar yg laju;

pengempar; *alat* ~ sj mesin yg berputar ligat (utk mengasing-asingkan benda-benda pejal drpd cecair atau cecair drpd cecair yg lain).

empat bilangan tiga dicampur satu (4, IV); ~ *belas* bilangan sepuluh ditambah empat (14, XIV); ~ *puluh* empat kali sepuluh (40, XL); ~ *ratus* empat kali seratus (400, CD); ~ *besar* empat negara yg berkuasa (empat orang dll yg berpangkat); ~ *likur* ark 24; ~ *penahap (penjuru) alam* = ~ *tepas dunia* empat arah yg ada di dunia (utara, selatan, timur, dan barat); ~ *persegi* bidang yg empat seginya dan mempunyai sisi yg sama panjangnya, dan tiap-tiap sudutnya 90° (segi empat sama); ~ *ratus serba dua* pemberian drpd pengantin laki-laki kpd pengantin perempuan yg banyaknya empat ratus ringgit belanja hangus dan dua pasang kasut (pakaian, subang, barang-barang hantaran lain); ~ *segi* bidang yg seginya atau sempadannya empat;

~ *gasal, lima genap, dikendur berdenting-denting, ditegang berjela-jela* prb pertuturan orang yg bijak itu selalu tidak diketahui ertinya; ~ *susu dua perut* sl prb tidak sama atau amat berbeza (keturunan, darjat, dll);

berempat yg empat jumlahnya, berjumlah empat: *hari* yg *berikutnya orang* ~ *itu telah keluar*;

berempat-empat tiap-tiap satunya (kumpulan, barisan, dll) empat jumlahnya, tiap-tiap kali empat jumlahnya: *semua harus beratur* ~; *mereka pergi* ~;

mengempat; ~ *puluh hari* berkenduri arwah (utk orang mati) pd hari yg keempat puluh setelah ia meninggal;

mengempatkan menjadikan empat (isteri dll): *kekanda sendiri telah rela* ~ *isteri kekanda Sultan*;

perempat; *se~ = satu ~ satu drpd empat bahagian yg sama banyak, suku (1/4);*

memperempat membahagi kpd empat bahagian;

keempat (peringkat, bilangan, dll) yg nombor empat;

keempat-empat kesemuanya yg empat jumlahnya, empat (orang dll) sekali;

perempatan **1.** simpang empat jalan; **2.** bahagian yg terdiri drpd suku sesuatu, suku bahagian drpd sesuatu.

empati (émpati) daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain: *kemahiran bahasa, pengetahuan tentang masyarakat yg dikaji, dan rasa ~ terhadap masyarakat tersebut telah mengubah bentuk penulisan Sejarah Asia Tenggara; perkembangan sifat ~ terhadap orang yg menghadapi masalah dadah.*

empayar (émpayar) **1.** negeri-negeri (biasanya luas) yg di bawah pemerintahan seseorang atau sesebuah negeri yg berdaulat; **2.** pemerintahan beraja (atas alasan sejarah, prestij, dll) yg mempunyai maharaja (bukan raja) sbg ketua negara; **3.** satu kumpulan syarikat yg biasanya dikawal oleh seorang yg berpengaruh ke atas sesuatu bidang kegiatan tertentu: *McDonald berusaha membina ~ makanan segera;*

berempayar mempunyai empayar (yakni ada negeri-negeri yg tertakluk di bawah pemerintahannya).

empedal □ **hempedal I.**

empedu □ **hempedu.**

empek (empék) **I; mengempek** terlalu ingin (akan sesuatu).

empek (empék) **II** C bapa;

empek-empek orang lelaki yg sudah tua benar, kakek-kakek.

empelas sj tumbuhan (pokok yg daunnya kesat dan digunakan utk melicinkan kayu dll), *Tetracera assa; ~ hari a) sj tumbuhan*

(pokok yg wangi bau bunga dan kulitnya), akar bagan, memelasari, pelasari, pulasari, *Alyxia lucida*; b) sj tumbuhan (pokok), pelasari, pulasari, *Alyxia forbesii*; *kertas* ~ kertas pasir;

berempelas sudah dilicinkan (dgn empelas): *di bawah muka pintu tempat Bendahara duduk itu, ada disediakan usungan yg telah ~*;

mengempelas, mengempelasi melicinkan dgn daun (kertas) empelas;

pengempelas; *alat* ~ sesuatu yg digunakan utk mengempelas.

empenak (empénak); ark *pujuk* ~ pujukan dan kata-kata manis utk menyukakan hati dll;

mengempenak menyukakan (menyenangkan) hati orang, memanjakan anak, dll.

empening □ □ **mempening**.

emper (émpér) Jw **1.** = **emperan** serambi (di depan, di rusuk, atau di belakang rumah); **2.** atap tambahan yg bersambung dgn rumah ibu, sengkuaip.

emping sj kudap-kudapan yg dibuat drpd padi muda atau drpd buah belinjau (yg disangai dan ditumbuk tipis-tipis); ~ *belinjau* emping yg dibuat drpd buah belinjau;

mengemping, memperemping membuat emping, menumbuk (utk membuat emping): *terdengar bunyi antan nyaring bertingkah, itulah tandanya orang sedang ~*;

peremping; *masak* ~ (bkn padi) belum masak betul dan elok utk dibuat emping;

pengemping = *lesung* ~ lesung tempat membuat emping.

empirik (émpirik), **empirikal** (émpirikal), **empiris** (émpiris) IB berdasarkan (bergantung pd) pemerhatian atau eksperimen, bukan teori: *kaedah yg digunakan adalah melalui kajian-kajian ~ dgn pengumpulan data*.

empirisisme (émpirisisme) doktrin bahawa pengalaman praktis (bukan teori) adalah asas pengetahuan.

empis pagar utk melorongkan binatang masuk ke dalam perangkap.

empoh (émpoh) (bkn air sungai dll) melimpah, bah, banjir, sebak;

mengempoh, mengempohi menggenangi, mengairi: *air hujan ~ tanah-tanah yg rendah;*

keempohan perihal diempoh(i), keairan;

pengempohan pengairan, penggenangan.

empok Jk **1.** kakak; **2.** panggilan kpd orang perempuan;

empok-empok orang perempuan.

emporium (émporium) kedai besar yg menjual pelbagai barang (termasuk makanan, pakaian, peralatan dapur, peralatan sukan, dll).

empos (émpos) Jk; **mengempos, mengemposi** **1.** menghembus, meniup;

2. memeram (pisang dll) dgn memanaskannya dgn karbida dll;

emposan buah-buahan yg masak dgn diempos.

empoyan I gelendong tempat menggulung tali kail (pancing), kili-kili;

lempoyan.

empoyan II sj tumbuhan (pokok kecil), mengkoyan, tempoyan,

Rhodamnia trinervia.

empu I sl **1.** tuan; **2.** orang yg mahir (ahli) dlm sesuatu (terutama dlm membuat keris);

mengempukan memerintah: *setelah beberapa lamanya ~ negeri Aceh, maka Raja Muzafar Shah pun hilang.*

empu II; ~ jari ibu jari tangan; ~ kaki ibu jari kaki.

empu III Sr yg empunya, pemilik.

empuan perempuan; *engku (tengku)* ~ panggilan kpd permaisuri (isteri raja); *datuk* ~ panggilan kpd isteri datuk (orang besar).

empuk I 1. (bkn makanan spt ubi rebus dll) lembut dan senang dikunyah;
2. gebu, tidak keras dan tidak lisut: *isteri mudanya terbaring di tilam ~; mukanya lebar dan kelihatan ~ sahaja oleh gemuknya*; **3.** (bkn kain) sudah nipis dan mudah koyak, reput; **4.** (bkn suara) sedap bunyinya, merdu; *batu pun ~, jangankan hati manusia* prb hati manusia yg keras dapat dilembutkan dgn perkataan yg manis dan lemah lembut;

mengempukkan menjadikan empuk (melembutkan dll);

keempukan keadaan empuk, kegebuhan: *aku membaringkan diri di atas katil dan merasakan ~ tilamnya.*

empuk II Pr; mengempuk memukul (dgn sesuatu).

empul ark; **mengempul** (bkn perahu) terumbang-ambing (terapung-apung) tidak boleh mara kerana datang angin atau arus dr depan.

empulur I isi atau bahagian yg lembut dlm batang tumbuh-tumbuhan jenis palma, spt kelapa, pinang, dll; **mempulur II.**

empulur II; ~ *rimba* sj tumbuhan (pokok), bungkal, simpuh gajah, *Randia anisophylla*; **mempulur I.**

empunya 1. pemiliknya, tuannya: *harta pulang ke ~*; **2.** = **empunyai** ark mempunyai, memiliki: *tiap-tiap orang Lampung ada ~ kebun lada yg berisi seribu dua batang lada; barang siapa ~ untung, ia beroleh Sita Dewi; yg ~ (orang) yg punya (tuannya, pemiliknya);*

□ **punya.**

emsi (émsi) bp pengacara majlis, juruacara majlis.

emu sj burung besar yg tidak dapat terbang, bentuknya seakan-akan burung unta (terdapat di Australia), *Dromaius novaehollandiae*.

emulsi (émulsi) (Kim) **1.** koloid yg merupakan campuran dua atau lebih cecair yg tidak bercampur sepenuhnya, mis susu; **2.** bahan peka cahaya yg terdapat pd permukaan filem fotografi; *cat ~ sj cat yg*

pigmennya terampai, biasanya dlm resin sintetik, yg tersebar dlm air sbg emulsi;

pengemulsian 1. proses mencampurkan dua atau lebih cecair yg tidak bercampur sepenuhnya dgn menggoncang campuran tersebut;
2. proses menambahkan bahan kimia kpd sesuatu emulsi utk mengekalkan keadaan emulsinya;

pengemulsi 1. bahan kimia yg ditambahkan kpd bahan lain dlm keadaan emulsi, spt makanan, utk mengekalkan keadaan emulsi bahan ini supaya tekstur, warna, rasa dsb tidak berubah, mis lesitin dlm marjerin; **2.** alat, spt mesin pengisar utk membuat emulsi secara mengaduk atau menggoncang campuran dua atau lebih cecair.

emunggai lemunggai.

en (én) ukuran yg sama dgn setengah saiz poin taip yg digunakan ataupun setengah em.

En. kep Encik.

enak (énak) **1.** sedap, nyaman (rasa dll): *nasi lemak yg dijual oleh seorang Melayu di kedai kopi itu sangat ~ rasanya; makanan yg ~;*
2. senang (badan, hati, dll): *gurunya memerhatikan muka mereka dgn pandangan yg kurang ~; Cik Salmah sedang ~ menonton di panggung Capitol; ~ hati senang hati; tak ~ badan sakit sedikit;*

seenak sama enaknyanya (dgn);

seenaknya sesenang hati, sesedap (sesuka, sekehendak) hati: *tidak satu pun peluru itu mengenai kapal terbang yg terbang dgn ~ sahaja menuju ke selatan;*

berenak-enak bersenang-senang, melakukan sesuatu dgn senang hati: *ia sedang ~ duduk di kebun bunga itu;*

mengenakkan 1. menjadikan enak (sedap, senang), menyedapkan, menyenangkan: *masukkanlah sedikit pati rasa utk ~ lagi masakan*

itu; pendengarannya janggal dan tidak ~; 2. menyatakan (berpura-pura) enak: makanan itu diennakkannya juga, walaupun pahit bagai hempedu;

terenak 1. yg paling enak; **2.** memperoleh kesedapan (kesenangan dll);

enak-enakan makanan dll yg enak-enak, sedap-sedapan;

keenakan 1. kesedapan; **2.** kesenangan, keseronokan; **3.** Jk menjadi terbiasa (biasanya hal yg kurang baik): *jangan dibiasakan memanjakan anak, nanti dia ~ bermanja-manja dgn orang lain.*

enakmen (énakmen) undang-undang atau statut.

enam bilangan lima dicampur satu (6, VI); ~ *belas* bilangan sepuluh dicampur enam (16, XVI); ~ *likur* sl ark dua puluh enam (26, XXVI); ~ *puluh* bilangan yg besarnya enam kali sepuluh (60, LX);

berenam berjumlah enam (orang dll), enam (orang dll) jumlahnya: *jangan pergi ramai-ramai, ~ pun cukuplah;*

keenam yg nombor enam: *keempat, hulubalang yg bernama Bichaya Dorta, kelima, hulubalang yg bernama Panta Suta, ~, hulubalang yg bernama Sutama;*

keenam-enam semua yg jumlahnya enam: ~ *murid itu pun pulang ke rumah.*

enamel (énamel) **1.** lapisan cat dll yg berkilat pd permukaan logam dll (utk menghindarkannya drpd berkarat dll); **2.** lapisan luar yg keras pd gigi.

enap I sesuatu yg bercampur dgn air dll dan turun ke bawah serta berlonggok di dasar, endap, endapan;

mengenap turun ke bawah dan berlonggok di dasar, mendak, mengendap;

mengenapkan membiarkan sesuatu turun ke bawah dan berlonggok di dasar, mengendapkan;

enapan 1. enap; *tanah* ~ tanah yg telah bercampur dgn air dan mendak; **2.** (Geog) bahan yg terdapat di dasar sungai, tasik atau laut yg terdiri drpd campuran tanah liat, kelodak, pasir, jirim organik dsb; **3.** pepejal yg terendap selepas proses endap di loji olahan air atau air sisa;

pengenapan proses mengenap atau mengenapkan.

enap II Mn diam;

mengenap, mengenap-enapkan memikirkan atau mempertimbangkan dgn teliti (sungguh-sungguh).

enau sj tumbuhan (pokok), aren, kabung, *Arenga saccharifera*;

~ *memanjat (mencari) sigai* prb perempuan mendapatkan (mencari) lelaki; ~ *sebatang dua sigainya* prb a) satu pekerjaan dua orang ketuanya, tentu tidak baik jadinya; b) seorang perempuan yg menduakan suami; *bagai ~ dlm belukar, melepaskan pucuk masing-masing* prb tidak semuafakat dlm sesuatu perbincangan, hanya berpegang pd pendapat masing-masing sahaja; *mati ~ tinggal di rimba* prb jika orang hina mati, namanya tidak akan disebut-sebut orang lagi.

enca; ~-*benca* bercerai-cerai, bersepah-sepah.

encal I; encal-encal terloncat-loncat (kanak-kanak yg dipegang kedua-dua belah telinganya dan diangkat ke atas ke bawah) turun naik.

encal II; encal-encal sl jangan tidak sahaja, tidak sungguh-sungguh atau hati-hati (berbuat sesuatu dll).

encang I encal (terloncat-loncat).

encang II; mengencang memukul (memalu) sesuatu dgn kerasnya.

encer (éncér) Jk **1.** tidak keras dan tidak spt gas, cair; **2.** bercampur air, tidak pekat atau kurang patinya (bkn cecair yg mengandungi sesuatu zat); **3.** menjadi cair; **4.** lekas menerima pelajaran, lekas faham;

mengencerkan menjadikan encer (cair, larut), mencairkan, melarutkan;

enceran cairan, larutan.

encik 1. panggilan kpd orang lelaki yg sederhana kedudukannya atau yg tidak dikenali; 2. panggilan kpd ibu (bagi sesetengah orang); 3. gelaran yg digunakan sebelum nama orang lelaki (yg tidak mempunyai sebarang gelaran spt Datuk, Tengku, dsb): *E~ Ramli*; ~ *laki-laki* laki-laki yg menjadi kepala rumah tangga, tuan rumah; ~ *perempuan* isteri, nyonya rumah, orang rumah; 4. Jk panggilan kpd orang Cina asli;

encik-encik seorang Cina asli;

berencik menggunakan kata encik apabila bercakap-cakap: *memang Hamid apabila bercakap dgn aku selalu ~; Ah, jangan ~ juga lagi dgn saya, Suyono!*

memperencik memanggil encik (kpd seseorang): *sekarang engkau yg patut saya perencik.*

encit C sj kain cita.

encok (éncok) Jk 1. kaku atau kejang (pd kaki atau tangan); 2. sj penyakit sengal (sakit) pd sendi tulang dan otot.

encot (éncot) Jk incut, tempang, capik; □□ **incut**.

enda; ~-*semenda* Mn bermacam-macam perhubungan kekeluargaan yg terbit drpd perkahwinan: *segala famili, baik saudara ayah, baik drpd pihak ibu, ~-semenda, ipar besan, terutama keluarga yg perempuan, hendaklah hadir melepas mempelai itu.*

endah (éndah) = ~ akan peduli (akan), acuh: *sedikit pun dia tidak ~ akan nasihat kawan-kawannya; ~ tak ~ tidak peduli langsung; tak ~ tidak peduli, tidak acuh;*

mengendahkan memberi perhatian kpd, memandang penting (mustahak, berharga, dll), mempedulikan, mengacuhkan: *dia tidak ~ larangan orang tuanya;*

perendahan perhatian, penghargaan: *segala adat lembaga bangsa Timur dapat ~ di kalbunya;*

pengendahan perihal atau perbuatan mengendahkan.

endak bp **1.** hendak; **2.** tidak.

endal; mengendal **1.** menganjal, memantul; **2.** mengasak, memadat, menjejal.

endan (éndan); **mengendan** menolak (orang dll) dgn badan (tangan dll).

endang (éndang) sl **1.** orang perempuan yg bertapa; **2.** anak perempuan atau isteri orang yg bertapa.

endap; endap-endap, endapan sesuatu yg bercampur dgn air dll dan turun ke bawah serta berlonggok di dasar; *endapan darah* kentalan darah (setelah darah dan airnya tidak bercampur lagi);

mengendap turun ke bawah dan berlonggok di dasar, mendak;

mengendapkan membiarkan supaya mengendap (mendak);

mendap, enap I.

endas Jw ark kepala.

endasan lapik atau landasan (utk memotong dll).

endemik (éndémik) penyakit yg sentiasa terdapat pd orang atau daerah tertentu.

endemiologi (éndémiologi) kajian tentang berbagai-bagai aspek yg berkaitan dgn penyakit endemik.

endeng (éndéng); **mengendeng** menunjuk-nunjuk: *janganlah ~ kuih itu kpd orang lain. Nanti diminta orang.*

enderia □ **deria.**

endilau sj tumbuhan (pokok).

endodontik (éndodontik) cabang ilmu pergigian yg berkaitan dgn penyakit pulpa gigi, termasuklah diagnosis, perawatan dan pencegahannya dsb.

endogami (éndogami) **1.** (Ant) perkahwinan sesama suku; **2.** (Bio) pendebungaan antara dua bunga pd tumbuhan yg satu.

endok Jw telur.

endokarditis (éndokarditis) (Ubat) radang endokardium.

endokardium (éndokardium) (Ubat) membran yg melapisi rongga jantung dan membentuk sebahagian drpd injap.

endokarpa (éndokarpa) (Bio) lapisan paling dalam, biasanya keras, pd perikarpa buah tertentu, mis tempurung kelapa.

endokrin (éndokrin) (Bio) bkn perembesan hormon oleh sesuatu organ atau struktur secara terus ke dlm darah atau limfa; *kelenjar* ~ kelenjar (spt kelenjar adrenalina, kelenjar tiroid, dll) yg merembeskan hormon terus ke dlm aliran darah.

endokrinologi (éndokrinologi) kajian tentang kelenjar endokrin dan rembesan hormonnya.

endolimfa (éndolimfa) (Ubat) bendalir di dlm labirin bermembran yg terdapat di dlm telinga.

endon Jk; **mengendon, ngendon** menumpang tidur (tinggal) di rumah orang (buat beberapa hari lamanya);

endonan orang yg mengendon atau menumpang tidur; **endong.**

endong; mengendong menumpang tidur (bermalam) di rumah orang; **endon.**

endoparasit (éndoparasit) (Bio) parasit yg hidup dlm tubuh perumahnya, mis cacing pita.

endors (éndors); **mengendors** bp mengakui (dokumen, cek, perjanjian dsb) sah dgn menurunkan tandatangan dsb;

endorsan 1. (Eko) catatan di belakang cek sbg tanda penerimaan: ~ cek; **2.** (Udg) catatan di belakang atau di bawah sesuatu dokumen; **3.** (Udg) catatan di belakang writ, dokumen mahkamah dsb bagi menandakan dokumen telah disampaikan kpd orang berkenaan.

endoskop (éndoskop) alat utk memeriksa bahagian dlm organ yg berongga, spt pundi kencing dan usus.

endoskopi (éndoskopi) pemeriksaan bahagian dlm organ tubuh yg berongga dgn endoskop.

endosperma (éndosperma) (Bio) tisu pd kantung embrio tumbuhan berbiji, yg lazimnya menyimpan bahan makanan yg terurai semasa proses percambahan.

endoterma (éndoterma) bkn proses atau tindak balas kimia yg menyerap haba dr persekitaran luar.

enduk Jw, ark panggilan kpd orang (anak) perempuan atau isteri.

endul ark buaian;

berendul berayun di atas atau di dlm buaian: *adat* ~.

endus Jk; **mengendus 1.** mencium atau menghidu (bau); **2.** ki mencium, mulai menyedari atau mendapat tahu akan sesuatu (rahsia, gelagat, maksud, dll): *konflik inilah yg sampai bocor dan diendus oleh orang surat khabar; aku sendiri memang sudah ~nya sejak tadi lagi;*

terendus ki tercium, diketahui: *Yusof ragu sebentar, takut kalau-kalau ~ bahawa apa yg dikatakannya itu sekadar ingin memulai pembicaraan saja.*

endut I bp teman lelaki atau teman wanita;

berendut 1. bertemu atau keluar dgn endut utk berbual-bual mesra, makan dsb; **2.** mempunyai endut.

endut II; endut-endutan Id, bp bergerak-gerak, berdenyut-denyut, berdebar-debar.

enek Jk berasa spt hendak muntah, muak, mual.

enema (énéma) (Ubat) **1.** pemasukan cecair ke dlm dubur, terutamanya utk memudahkan buang air besar; **2.** cecair yg dimasukkan ke dlm dubur, terutamanya utk memudahkan buang air besar.

enes Jw; **mengenes** merana kerana berasa sedih atau pilu dlm hati; **mengeneskan** memilukan, menyedihkan.

enga Jk tahu (faham, sedar akan).

engah; engah-engah, mengengah-engah, terengah-engah 1. mengap-ngap, tercungap-cungap, termengah-mengah: *setibanya di atas jambatan, ia menurunkan barang-barang itu dgn terengah-engah;* **2.** ki tergesa-gesa, cepat.

engak Id bingung, termangu-mangu.

engap Jk; **engap-engapan** terengah-engah, tercungap-cungap.

engas Jk bau busuk.

engeh □ **engah.**

enggak I Jk tidak: *aku ~ takut.*

enggak II tempat pulut (spt burung rupanya), katang-katang.

enggan tidak mahu, tidak suka: *jika spt itu perbuatan Seri Betara dan Pateh Gajah Mada akan Laksamana, ~lah aku pergi ke Majapahit itu; ia ~ berjalan dgn Ramli;*

~ jikalau sl kecuali (melainkan, jika tidak);

~ seribu daya, mahu sepatah kata prb jika tidak mahu (suka) selalunya banyaklah jawabnya, tetapi kalau mahu atau suka itu hanya sedikit sahaja jawabnya;

enggan-enggan hendak tidak hendak, mahu tidak mahu;

mengenggankan tidak membenarkan, tidak meluluskan, menolak akan, tidak suka (setuju) akan: *rasa tidak ada jaminan ~ mereka melanjutkan pekerjaan itu;*

keengganan ketidaksudian, ketidakhahuan: *~nya utk ikut serta dlm pertemuan itu menimbulkan tanda tanya; mereka ~ utk menghantarkan anak-anak perempuan jauh dr kampung mereka.*

enggang I sj burung dlm famili Bucerotidae (yg ada cula di atas paruhnya yg besar), burung jawa;

~ belantara sj burung, *Rhyticeros plicatus*; *~ belukar* = *~ buluh* sj burung, *Anorrhinus galeritus*; *~ bulu* = *~ jambul putih* sj burung, *Berenicornis comatus*; *~ papan* sj burung, *Buceros bicornis*; *~ lilin* = *~ kenyalang* sj burung, *Buceros rhinoceros*;

~ apa kpd ~, orang apa kpd orang prb susah senang kita, kita yg merasakannya, susah senang orang tinggallah pd orang (masing-masing menjaga sendiri); *~ lalu atal jatuh, anak raja mati ditimpunya* prb menerima akibat (kemalangan) kerana kebetulan berada di tempat dll kejadian itu; *burung pipit sama ~*, (*mana boleh sama terbang*) prb perhubungan atau perjodohan yg tidak sama padan, manakan boleh selamat; *makanan ~ hendak dimakan oleh pipit* prb hendak melakukan sesuatu yg bukan padan dgn taraf (kesanggupan dll); *(men)dengar(kan) cakap ~* prb mendengarkan cakap orang atau musuh binasa sudahnya; *pipit meminang anak ~* prb orang yg miskin (kecil-kecil dll) meminang anak orang kaya (besar-besar dll) tentu tidak munasabah; *selama ~ mengeram* prb lama benar; *yg ~ sama ~ juga, yg pipit sama pipit juga* prb berkaum (berkahwin dll) elok dgn yg sama pangkat (kedudukan, taraf, dll).

enggang II; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), *Knema geminata*.

enggat senggat, had, hingga, takat.

enggeh (enggéh) Jw ia.

engget (énggét) Jk; **mengengget** mengait (buah dll).

enggil ark; **berenggil, berenggilan** bergerigis, bergerigi.

enggokan (énggokan) Jw selekoh atau kelok (jalan, sungai, dll).

engkah I C perekat, gam (utk melekatkan kayu).

engkah II; engkah-engkah, engkah-engkahan 1. belum empuk, masih keras, setengah masak (benda yg direbus); **2.** mengkal, belum masak betul (buah-buahan).

engkak Jw burung gagak, *Corvus spp.*

engkap; engkap-engkip, terengkap-engkip turun naik (spt rumput dipijak); ~ *bagai rumput di tengah jalan* prb hidup merana kerana sakit atau miskin.

engkau ganti nama diri kedua (utk orang yg setaraf atau yg lebih rendah, digunakan juga utk Tuhan sewaktu berdoa), kamu, awak; lwn aku; **si engkau** sl orang yg disebut engkau, orang rendahan: *jikalau umpama ~ si aku sekalipun, jika dgn titah tuanku patik sekalian pertuanlah;*

berengkau menggunakan perkataan engkau apabila bercakap-cakap utk menunjukkan hubungan yg mesra dan tidak formal: *tapi baiklah kita menyebut nama dan memakai perkataan biasa saja, ~ berkamu, beraku, sebab begitu lebih mesra rasanya.*

engkerurai (Muz) sj alat tiup kaum Iban.

engkil; terengkil benggal-benggil (bkn kulit batang kayu).

engkip; engkap-~; → □ **engkap.**

engko C abang, kakak.

engko (éngko) bp berkawan, bersekutu atau berpakat (dgn), berkongsi berniaga;

engkoan bp syarikat perdagangan bersama, perniagaan bersama.

engkoh Pr; ~nya rupa-rupanya.

engkol (éngkol) sj alat utk memusing (menghidupkan) enjin kereta dll;
mengengkol memutarakan engkol (utk menghidupkan enjin kereta dll).

engkong C bp datuk laki-laki, kakek.

engku **1.** sebutan kpd orang yg berketurunan raja: ~ *puan*; **2.** sebutan kpd orang yg dihormati (guru dll): “*Yang mana ~ Datuk?*”, *tanya Sultan Baginda*; **3.** Mn pak cik, paman, mamak; **4.** Mn sebutan kpd datuk;

berengku menggunakan perkataan engku (apabila bercakap-cakap): *masyarakat pun sudah berpatik, ~ kpd mereka.*

engkuk sj burung yg bunyinya “kuk”, “kuk”.

engkunai sj tumbuhan (pokok) yg kuat kayunya.

engsel (éngsél) **1.** sj sendi besi yg menyambungkan daun pintu (tingkap dll) dgn jenangnya dll (sehingga daun pintu dll boleh dibuka tutup); **2.** alat pengubah arah rel (pd jalan kereta api), wisel;

berengsel ada engselnya, bersendi: *tengkorak itu melekat spt ~ pd tulang belakang.*

engсот (éngсот); **berengсот, berengсот-engсот** **1.** bergerak (beralih) sedikit-sedikit (perlahan-lahan), berkesот; **2.** memulakan satu barisan cetakan atau tulisan lebih jauh dr garis tepi, inden, *tidak ~ drpd bibir* prb selalu disebut-sebut;

mengengсот **1.** berengсот: *ia ~ menuju ke meja itu*; **2.** = **mengengсотkan** menggeserkan, mengesотkan perlahan-lahan.

enigma (énigma) seseorang atau sesuatu yg membingungkan.

enjak I; mengenjak memijak;

mengenjak-enjak memijak-mijak, menghentak-hentakkan kaki.

enjak II bp sejak.

enjal; mengenjal **1.** mengisi penuh-penuh atau menjejal mulut (dgn makanan); **2.** jatuh terperenyuk; **3.** memantul.

enjelai sj tumbuhan (pokok dan buahnya) drpd jenis padi, *Coix lachrymajobi*; *bagai tidur di atas* ~ prb sangat gelisah (kerana risau dll).

enjet (énjét) bergaya atau geliang-geliut (sewaktu berjalan atau bergerak).

enjin (énjin) mesin utk menukar berbagai-bagai bentuk tenaga kpd daya atau gerakan mekanik;

~ *diesel* = ~ *penyalaaan mampatan* enjin yg menggunakan minyak diesel dan benzina utk bahan apinya; ~ *gas* enjin yg menggunakan gas mudah terbakar, spt gas asli dan gas arang batu sbg bahan api; ~ *haba* enjin utk menukarkan haba menjadi tenaga mekanik; ~ *pembakaran dalam* enjin yg membakar bahan api dlm silinder dan menukarkan tenaga haba yg terhasil terus kpd tenaga mekanik; ~ *petrol* enjin pembakaran dalam yg menggunakan minyak petrol sbg bahan api; ~ *stim* = ~ *wap* enjin yg digerakkan (dijalankan) oleh kuasa wap.

enjut Jk turun naik, jungkang-jungkit, unggang-unggit.

enjut; enjut-enjut; ~ *semut* sj permainan kanak-kanak;

mengenyut **1.** menggerakkan perlahan-lahan, menarik atau mengangkatnya perlahan-lahan, menggerakkan turun naik; **2.** = **mengenyut-enjut** turun naik: *didengarnya anak-anak dara itu ketawa riang, ketawa yg pd mulanya ~, kemudian memanjang-manjang pula*;

terenjut-enjut (bergerak dll) turun naik (tinggi rendah): *ia berjalan ~; bahunya ~*;

enjutan gerakan (goncangan) turun naik: ~ *bas itu memuakkan tekak juga*.

enkerabab (Muz) sj kordofon dua tali kaum Iban.

enkeratong (Muz) sj kordofon empat tali atau lebih kaum Iban.

enkeromong (Muz) sj gong perunggu kecil kaum Iban.

enklaf (énklaf) **1.** (Geog) sebahagian drpd wilayah sesebuah negara yg dikelilingi seluruhnya oleh wilayah negara asing, mengikut perspektif orang yg di luar wilayah tersebut; **2.** (Ant) sekumpulan orang yg berbeza dr segi budaya, sosial, intelektual dsb drpd kumpulan orang di sekeliling mereka.

enologi (énologi) kajian tentang wain.

enom Jw ark muda.

enrolmen (énrolmen) bilangan orang yg mendaftarkan diri sbg pelajar di institusi (kolej dsb): *apabila pelajar baru mendaftar pd Julai ini, ~ pelajar akan meningkat sehingga melebihi sepuluh ribu.*

ensefalitis (énséfalitis) (Ubat) radang pd otak yg disebabkan oleh agen jangkitan (spt bakteria, virus atau parasit), ataupun yg disebabkan kecederaan.

ensiklopedia (énsiklopédia) buku, biasanya dlm banyak jilid, yg mengandungi maklumat am tentang segala cabang pengetahuan atau maklumat tuntas tentang sesuatu cabang pengetahuan.

ENT kep *ear, nose and throat* (iaitu telinga, hidung dan tekak): *pakar ~.*

entah 1. = **entahkan** tidak tahu: *siapa dia? ~; macam mana perkara ini mahu diselesaikan? ~lah; entahkan beberapa zaman lamanya cerita dibawa air yg hilir, angin yg lalu dan burung yg terbang; 2.* kalau-kalau, barangkali, boleh jadi: *~ benar, ~ tidak, tak tahulah!; jikalau Paduka Tuan mau melanggar pd malam Jumaat tatkala Sang Setia melanggar, ~ kesukaran gerang Melaka; 3.* sama ada ... atau ...: *~ setuju, ~ tidak, kita buat juga;*

entah-entah 1. kalau-kalau, barangkali, boleh jadi, jangan-jangan: *~ dia sudah tidak ada lagi di situ; 2.* = **berentah; 3.** ark keturunan yg kelima atau keenam; **4.** ark kiraan atau hitungan nilai wang yg terkecil sekali;

berentah mengatakan entah (apabila bercakap atau menjawab pertanyaan);

entah-berentah Mn anu (tidak diketahui dgn tepat, hanya khayalan semata); *negeri* ~ sl negeri anu.

entang I Pr; *tak* ~ tidak peduli, tidak endah, tidak hormat: *budak-budak itu tak ~ pd siapa-siapa pun.*

entang II Pr; **entangkan** sementang, walaupun, sungguhpun.

entang III bp tentang.

entang (éntang) Kd; *tak* ~ tidak peduli, tidak endah.

entar Jk **1.** singkatan bagi sebentar; **2.** nanti; ~ *malam* nanti malam.

entat Kd; **terentat** tidak boleh menjadi besar (buah-buahan dll), terbantut.

ente (énté) Ar Jk engkau.

entek (énték); **mengentek** menampi atau mengindang (beras dll).

enten (éntén) IB; **mengenten** menempelkan potongan pohon atau tampang pd pohon lain (supaya bercabang), mencantumkan.

enteng (énténg) ringan, mudah;

mengentengkan meringankan, memudahkan;

mengenteng-entengkan menganggap mudah (ringan): *G. Eton ~ bidang ini;*

entengan sesuatu yg dianggap ringan atau mudah: *hasil sastra itu ~ sahaja, sulitnya tidak seberapa;*

keentengan keringanan, kemudahan.

enteritis (éneritis) (Ubat) radang pd usus (terutamanya usus kecil) yg dicirikan dgn cirit-birit.

enterostomi (éntérostomi) (Ubat) pembentukan bukaan kekal secara pembedahan dr luar tubuh ke dlm usus melalui dinding abdomen, utk dijadikan sbg dubur buatan dsb.

enterotomi (éntérotomi) (Ubat) sebarang pembedahan pd usus.

enterozoa (éntérozoa) (Bio) parasit haiwan yg terdapat di dlm usus.

entigis (éntigis) Sr bahagian sungai yg paling hulu: *kawasan ~ sungai Rejang akan dibangunkan sbg tempat pelancongan.*

entiti (éntiti) sesuatu yg mempunyai kewujudannya yg tersendiri: *seterusnya sbg data kajian, sastera harus diamati sbg ~ yg bebas drpd konteks sejarah.*

entomofili (éntomofili) (Bio) pendebungaan yg dilakukan oleh serangga.

entomologi (éntomologi) kajian tentang serangga.

entong Jk panggilan kpd anak lelaki.

entot (éntot) Jk; **mengentot** bk bersetubuh (dgn).

entre (éentré) IB, bp belanja masuk (utk melihat sesuatu pertunjukan), wang pertaruhan (spt yg dibayar dahulu ketika menjadi ahli persatuan dll).

entrepot (éentrépot) **1.** gudang utk barang-barang perdagangan; **2.** pusat perdagangan, biasanya bandar pelabuhan, yg menjadi tempat mengimport dan mengeksport semula barang-barang dagangan.

entri (éentri) **1.** perkara (butiran, maklumat, dll) yg dimasukkan ke dlm sesuatu senarai (rakaman dll): *semua ~ disusun mengikut susunan abjad*; **2.** karya (ciptaan dll) yg dikemukakan utk menyertai sesuatu pertandingan dsb: *drpd beratus-ratus ~ cerpen, hanya 13 buah sahaja yg berjaya memenangi hadiah anjuran ESSO-GAPENA*; **3.** kata atau ungkapan utama dlm kamus yg disusun mengikut urutan abjad yg disertai takrif dan maklumat lain spt kelas kata, etimologi dsb, kata masukan.

entrisme (éentrisme) amalan menyusup masuk ke dlm sesebuah pertubuhan politik yg sedia ada dgn tujuan mengubah ideologi atau dasarnya dsb.

enuresis (énurésis) (Ubat) keluarnya kencing secara luar kawal, terutamanya sewaktu tidur.

enzim (énzim) (Bio) bahan kimia yg terdapat di dalam benda hidup (tumbuhan, haiwan, dll) yg menyebabkan perubahan kpd bahan kimia lain tetapi tidak pada dirinya sendiri: *air liur mengandungi ~ yg boleh menghancurkan kanji dlm makanan utk dijadikan gula yg boleh larut.*

enzimologi (énzimologi) kajian tentang enzim.

eolit (éolit) batu yg digunakan sbg alat utk memotong, merodok dsb pd Zaman Batu Awal.

EON (ion) akronim bagi Edaran Otomobil Nasional Berhad.

epak; mengepak Id mengambil hak atas sesuatu yg mendatangkan hasil (faedah) dgn membayar wang (sewa dan cukainya), memajak.

mengepakkan menyewakan atau memajakkan hak buat masa tertentu atas tanah (bangunan, dll) yg mendatangkan hasil (faedah) dgn bayaran tertentu;

pengepakan perbuatan mengepak(kan);

pengepak orang yg mengepak.

epal (épal) sj pokok yg buahnya berbentuk bulat, berwarna hijau, merah atau kuning dan boleh dimakan.

epék (épék) I tiang belat tempat mengikat bahagian atas dan bawah bidang belat.

epék (épék) II Jw sj ikat pinggang.

epentesis (épéntésis) (Lin) penyisipan sesuatu huruf atau bunyi ke dlm kata, terutamanya kata pinjaman, tanpa perubahan maknanya supaya sesuai dgn bunyi bahasa peminjam itu, mis penyisipan huruf *e* dlm kata *gelas*.

epidemik (épidémik) tercetusnya sesuatu penyakit yg menghinggapi banyak orang dlm sesuatu daerah pd sesuatu masa, wabak.

epidemiologi (épidémiologi) kajian tentang penyakit epidemik.

epidermis (épidermis) lapisan kulit yg paling luar.

epidiaskop (épidiaskop) projektor utk menayangkan gambar benda-benda legap atau lut sinar.

epididimis (épididimis) (Bio) tiub berlingkar di belakang testis, tempat laluan, simpanan, dan pematangan sperma.

epifenomena (épifénomena) fenomena sekunder atau tambahan.

epifit (épifit) (Bio) tumbuhan herba yg menggunakan tumbuhan lain atau benda (spt dinding bangunan) utk mendapatkan sokongan fizikal (tanpa mendapatkan makanan drpd tumbuhan yg ditumpangangi), mis anggerik, lumut.

epifora (épifora) (Lin) pengulangan bunyi akhir kata atau struktur ayat dlm rangkap atau ayat yg berturutan utk mencapai kesan stilistik tertentu, mis rima di akhir baris dlm rangkap syair.

epiglottis (épiglotis) (Bio) struktur rawan nipis dekat pangkal lidah yg berfungsi menutup bukaan larinks semasa proses menelan supaya makanan atau minuman tidak termasuk ke dlm paru-paru.

epigoni (épigoni) orang yg meneruskan dan memperkembang karya-karya seniman drpd angkatan yg telah lalu.

epigraf (épigraf) **1.** tulisan yg terdapat pd tugu, bangunan, dsb, prasasti; **2.** petikan yg dicetak pd bahagian awalan buku atau pd permulaan bahagian atau bab buku yg menggambarkan tema buku yg berkenaan.

epigrafi (épigrafi) kajian tentang prasasti.

epigram (épigram) **1.** puisi (sajak) yg pendek dan bernas serta mengandungi fikiran yg bijak dan menyindir; **2.** ungkapan atau perkataan yg pendek dan bernas serta mengandungi fikiran yg bijak dan menyindir.

epik (épik) **1.** puisi (sajak) panjang yg menceritakan bakti seseorang pahlawan (biasanya pahlawan dlm sejarah atau legenda); **2.** karya sastera, filem, dll yg menjadikan bakti kepahlawanan sbg perkara

sesebuah epik: *ia telah berjaya menarik perhatian kita utk melihat Hikayat Hang Tuah sbg sebuah ~ kebangsaan yg tinggi nilainya.*

epikarpa (épikarpa) (Bio) lapisan paling luar pd perikarpa buah tertentu.

epilepsi (épilépsi) (Ubat) sj penyakit saraf yg menyebabkan seseorang tidak sedar dgn anggotanya bergerak menyentak-nyentak, (penyakit) gila babi, sawan.

epileptik (épiléptik) bkn penyakit epilepsi: *pesakit ~.*

epilog (épilog) **1.** bahagian akhir sesebuah karya atau drama yg memberi komen atau ringkasan tentang karya yg berkenaan; **2.** ucapan ringkas atau puisi yg diungkapkan oleh seseorang pelakon kpd penonton pd penghujung sesebuah persembahan drama.

epimenorea (épiménoréa) (Ubat) kedatangan haid yg terlalu sering dan tidak teratur dgn jangka masa kitar kurang drpd 28 hari.

episiotomi (épisiotomi) (Ubat) pembedahan yg dibuat pd bukaan faraj semasa melahirkan anak supaya bayi mudah dikeluarkan.

episod (épisod) satu bahagian drpd sesebuah karya sastera atau drama yg muncul dlm beberapa bahagian selama satu-satu tempoh.

episode (épisode) IB episod.

epistaksis (épistaksis) (Ubat) perdarahan dr hidung.

epistemologi (épistémodlogi) teori tentang pengetahuan, terutamanya yg berkaitan dgn kajian kritis tentang kesahihan, kaedah, dan skop sesuatu pengetahuan.

epitaf (épitaf) pernyataan ringkas memperingati orang yg meninggal dunia atau peristiwa yg lalu (pd batu nisan atau monumen).

epitome (épitomé) orang atau benda yg merupakan contoh atau teladan yg unggul sesuatu sama ada dr segi kualiti, kelas dsb.

epizoit (épizoit) (Bio) haiwan yg melekap pd badan haiwan lain tetapi tidak mendapatkan makanan drpd haiwan yg ditumpanginya.

epok (époque) **I** sj kampil kecil bertutup yg dianyam drpd mengkuang dll utk bekas sirih (pinang dll).

epok (époque) **II**; **berepok** berada dlm pelukan atau pegangan (spt anak kecil dlm pelukan ibunya);

mengepok memeluk (biasanya kanak-kanak).

epok-epok (époque-époque) sj kuih yg berintikan sayur.

epolet (épolét) tanda pangkat dll yg dipakai di bahagian bahu pakaian seragam, terutamanya pakaian seragam tentera.

eponim (éponim) nama tempat, institusi dsb yg terbit drpd nama seseorang.

epos (épos) puisi (sajak) pahlawan yg diperturunkan dr mulut ke mulut.

EPRD kep *Educational Planning and Policy Research Division* (iaitu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, iaitu salah satu bahagian di bawah Kementerian Pendidikan yg bertanggungjawab menyelidik dan menyediakan perancangan dasar pendidikan kebangsaan).

epsilon (épsilon) huruf kelima dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol E, ε.

epsom (épsom); *garam* ~ serbuk putih (magnesium sulfat hidrat) yg digunakan sbg julap.

Er simbol kimia bagi erbium.

era (éra) **1.** jangka masa tertentu (yg lama) dlm sejarah: *penelitian rekod dr ~ penjajahan dan revolusi*; **2.** jangka masa tertentu yg dianggap mempunyai sesuatu keistimewaan: *beberapa pandangan utk ~ baru perjuangan*; ~ *perkembangan seni lukis*; boleh dikatakan tahun 1920-an dan 1980-an merupakan ~ *peluasan penjajahan Amerika*.

erak ark lelah.

erak (éрак); **bererak, mengerak 1.** berpisah atau bercerai (drpd), bergerak perlahan-lahan; **2.** berurai atau menjadi lepas dan terbuka (lingkaran rotan dll);

mengerak, mengerakkan 1. menguraikan, melepaskan atau membuka (lingkaran rotan, dawai, dll); **2.** menceraikan atau memisahkan.

eram; mengeram 1. duduk di atas telur supaya panas dan menetas (bkn ayam dsb): *hanya ayam betina sahaja yg ~*; **2.** duduk mengendap (spt harimau, kucing, dll yg hendak menangkap mangsanya); **3.** ki selalu duduk di rumah atau di sesuatu tempat sahaja: *kalau ~ di rumah sahaja manalah nak tahu hal orang*; **4.** Mn lendut, rendah, lekuk (lantai, jalan, dll); *selama enggang ~* prb terlalu lama;

mengerami mengeram di atas sesuatu (biasanya telur);

~ telur orang prb mengahwini perempuan yg telah mengandung; *seumpama telur sesarang dierami induknya* prb perihal anak-anak yg sama-sama berjaya kerana diberi layanan dan pemeliharaan yg saksama;

mengeramkan menjadikan telur dierami, menetaskan (dgn mengerami);

pengeraman perihal (perbuatan) mengerami;

pengeram = *mesin* ~ sj alat yg mengeluarkan haba utk menetaskan telur.

erang = **erangan** keluhan atau rintihan (kerana kesakitan dll): *ia mendengar terus-menerus ~ isterinya pd malam sepi itu*;

mengerang 1. mengeluh kerana kesakitan, merintih: *ia mendengar suara ayahnya ~ kesakitan*; **2.** ki mengeluh (merintih) kerana menderita dll: *di kampung-kampung Melayu, banyak orang yg ~ tidak makan*.

erang (érang) I sl hitam, biru kehitam-hitaman.

erang (érang) **II**; *~-erot* tidak lurus, herot-berot, bengkok-bengkok.

erat **1.** kemas, ketat, kuat-kuat, tidak longgar (genggaman, ikatan dll):

Amiruddin menggenggam tangan Hawa ~; di sisinya duduk isterinya menggendong anaknya yg masih ~ menyusu; 2. kukuh, teguh (janji dll), rapat, mesra, karib (hubungan, persahabatan, dll): *ia memegang nasihat itu dgn ~nya; perhubungan antara rakyat dan kerajaan tetap ~;*

mengeratkan **1.** menjadikan (genggaman, ikatan, dll) erat: *sebelum sempat ~ rangkuman tangan, kedengaran ia mencegah; 2.*

menjadikan erat (rapat) persahabatan, pertalian, dll;

mempererat menjadikan lebih erat: *menggunakan sukan sbg alat utk ~ tali persahabatan; dia mempelopori usaha ~ kerjasama antara Britain dan Amerika;*

keeratan keteguhan, kekariban (dlm persaudaraan, ikatan, dll): *saudara-mara berjabat tangan melambangkan ~ persatuan kita umat Islam;*

pengerat seseorang atau sesuatu yg mengeratkan: *~ hubungan.*

erau (érau); **mengerau** menziarahi (ke rumah orang mati).

erbium (Kim) sj unsur nadir bumi yg digunakan dlm peranti laser dan pembuatan aloi.

ercis (ércis) IB sj kacang kara.

ere (éré) Kl,Tr kehendak, kemahuan: *kamu jangan ikut ~ dia sangat, nanti dia mengada-ngada.*

ereh (eréh) Jw, ark; **mengereh** memerintah, mengemudikan.

ereksi (éréksi) keadaan zakar yg membesar, mengeras dan menegak apabila bangkitnya nafsu syahwat.

erepsin (érépsin) (Bio) sj enzim dalam usus kecil.

erg unit tenaga dlm sistem metrik.

ergonomik kajian tentang hubungan antara pekerja dgn persekitaran tempat kerja, spt aspek-aspek kejenteraan, peralatan, dan keadaan kerja.

ergosterol (Bio) sterol yg terdapat dlm kulit, yis dsb dan menghasilkan vitamin D apabila terkena sinaran ultraungu.

erik; mengerik memekik, menjerit, mendering (bkn gajah), merengking (bkn kuda).

eritrosit (éritrosit) (Bio) sel darah merah.

erong (érong) **I**; **erong-erong** = *lubang* ~ lubang tempat mengalirkan air (dlm kapal, empang, dll).

erong (érong) **II** Kd, Kl; **mengerong** menggunting serong.

erot (érot) **I** Jk; **bererot, bererotan** berduyun-duyun, berderet-deret, berjejal-jejal.

erot (érot) **II** bp herot: *erang-~*.

erotik (érotik) membangkitkan nafsu syahwat, mengghairahkan, memberahikan: *penjualan majalah lucuh yg penuh dgn gambar yg ~ hendaklah dicegah segera.*

erotika (érotika) karya berbentuk buku, gambar dsb yg membangkitkan nafsu syahwat.

erotisisme (érotisisme) (Ubat) **1.** naluri atau keinginan seks; **2.** keadaan memberahikan, keberahian.

erpah (érpah); *tanah* ~ bp tanah sewa yg disewakan turun-temurun (dgn had waktu yg tertentu).

erti **1.** maksud yg terkandung dlm sesuatu perkataan (ayat, peribahasa, ungkapan, lambang, kiasan, dll), makna: *kata “pekerja” telah digunakan sbg pengganti kata “kuli” pd zaman kolonial, dan mempunyai ~ tertentu dlm masyarakat bahasa Indonesia*; **2.** ki guna, faedah, kepentingan: *lebih baik diam sahaja, jika itu memberi ~ kpd penghidupan kita sekarang*;

~ *kata* makna (konsep) kata, maksud, takrif; ~ *kiasan* erti yg dilambangkan (bukan erti yg biasanya atau sebenarnya); ~ (yg) *mendatang* erti lain yg terbit drpd sesuatu makna asal;

seerti serupa atau sama ertinya; *kata* ~ kata yg ertinya sama atau hampir-hampir sama dgn kata (kata-kata) yg lain;

bererti 1. mempunyai (mengandung) erti, ada ertinya, bermakna: *seringkali apa yg diucapkannya tidak ~ sama sekali*; **2.** ertinya, bermakna, bermaksud: *ini ~ bahawa Timur dan Barat sudah sama banyak dlm pertubuhan dunia itu*; **3.** berguna, berfaedah, mustahak, penting: *bagi kita yg sudah lama menderita ini, bantuan yg sebanyak itu tidak ~ langsung*; **4.** sebenarnya, sama halnya dgn: *membiarkan sahaja kampung yg dianggap berbahaya ini ~ mendedahkan negeri ini kpd anasir jahat*;

keberertian keadaan bererti: ~ *sosial drpd iltizam mereka yg sentiasa berubah*;

mengerti mengetahui atau memahami erti (kepentingan dll) yg terkandung (dlm perkataan, ucapan, perbuatan, dll): *ia menganggukkan kepalanya tanda ~ akan isyarat yg dilihatnya*;

dimengerti difahami (diketahui) ertinya (tujuannya, maksudnya, kepentingannya): *buku itu bukanlah sekadar dibaca sahaja tetapi utk ~ akan isinya*;

mengertikan 1. menjelaskan erti (makna) sesuatu, memberi erti, mentafsirkan: *batu nisan itu mempunyai tulisan yg tidak dapat diertikan; maka oleh Sultan masalah itu disuruh ertikan ke Pasai; kalau dia berdiam diri, janganlah diertikan dia bersetuju*; **2.** membuat atau menjadikan (orang dll) mengerti;

ertian tafsiran;

pengertian 1. fahaman, tanggapan (gambaran) bkn sesuatu: *kecerdasan dan ~ sangatlah mustahak dlm kira-kira*; **2.** erti,

gagasan, idea, konsep: *mengikut ~ sains, istilah “pernafasan” itu meliputi segala proses mengubah tenaga; 3. persefahaman, persetujuan (secara tidak rasmi): tidak ada ertinya kami berbahas lanjut-lanjutan, tidak akan bertemu titik ~; 4. penerangan, penjelasan: perkataan “baik” digunakan utk memberi penerangan atau ~ atas penilaian terhadap sesuatu perbuatan.*

eru sj tumbuhan (pokok), cemara, *Casuarina equisetifolia*; **ru.**

es (és) Id ais, air batu; ~ *lilin (loli) ais krim batang;*

dies dimasukkan (disejukkan) dlm ais.

esa satu, tidak lebih dan tidak kurang drpd satu, tunggal; *kurang ~ empat puluh tiga puluh sembilan; Tuhan yg ~ Tuhan yg hanya satu; ~ hilang, dua terbilang prb terus berusaha dgn keazaman hingga tercapai cita-cita; berbilang dr ~, mengaji dr alif prb membuat sesuatu itu hendaklah dimulai dr permulaannya;*

mengesakan membuat (menjadikan, menganggap, dll) satu: *aku tetap ~ Allah dan tidak menyekutukan-Nya;*

esa-esaan keseorangan, berasa sunyi;

keesaan perihal tunggal, kesatuan, sifat tunggal: ~ *Tuhan.*

esak (ésak); *sakit ~ sj penyakit susah bernafas;*

mengesak, teresak, teresak-esak tersedu-sedu (menangis): *tiba-tiba dia ~, dia menangis; Jaliah menangis teresak-esak seorang diri;*

esakan sedu-sedan: *Minah makin kuat menangis, ~nya makin kencang.*

ESCAP (éskép) akronim bagi *Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial bagi Asia dan Pasifik).

escudo (éscudo) unit mata wang utama Portugal.

esei (éséi) karangan prosa (yg biasanya lebih pendek drpd tesis atau disertasi) tentang sesuatu tajuk: *menurut definisi 'Encyclopedia Britannica', ~ ialah satu karangan yg berpatutan panjangnya.*

eseis (éséis) penulis esei.

esek (ésék) **I**; *demam* ~ sj penyakit demam yg menyebabkan kulit kering dan bersisik.

esek (ésék) **II**; *daun* ~ *nanah* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar pisang-pisang jantan, *Uvaria purpurea*.

eselon (éselon) **1.** tingkat pangkat (kedudukan) dlm sesuatu organisasi, masyarakat dsb: ~ *atasan*; **2.** formasi yg terdiri drpd beberapa kapal terbang, kapal atau trup dsb yg bergerak berturut-turut dan ke sisi antara satu sama lain dlm susunan spt tangga.

esen (ésén) bahagian yg paling penting drpd sesuatu perkara (benda dll), sari: *putar mentega dan masukkan ~ vanilla.*

esensi (ésénsi) hal (unsur) yg pokok, inti: *kita dapat menerima hal ini sbg ~ drpd apa yg mungkin disebut kepercayaan 'statis'.*

eskalator (éskalator) tangga bergerak utk membawa orang naik atau turun antara tingkat bangunan.

eskapisme (éskapisme) tindakan atau kecenderungan melarikan diri drpd kenyataan dgn menumpukan fikiran kpd sesuatu perkara lain (biasanya yg kurang baik) drpd masalah yg dihadapi sbg langkah untuk mencari ketenangan: *ada juga yg berkarya kerana tekanan jiwa, lalu dicurahkan pd kertas sbg suatu ~.*

eskatologi (éskatologi) cabang teologi atau kepercayaan agama yg berkaitan dgn berakhirnya dunia.

eskot (éskot) pengiring (bersenjata ataupun tidak) utk melindungi (menghormati) seseorang.

esofagus (ésófagus) (Bio) bahagian salur makanan yg terletak di antara tekak dan perut.

esok (ésok) **1.** hari selepas hari ini, besok: ~ *kita ke Pulau Pinang*; ~*nya* hari selepas hari itu; **2.** kemudian hari, nanti, kelak; ~ *lusa* a) esok atau lusa; b) esok atau pd suatu waktu yg akan datang nanti;

beresok esok, besok; ~*nya* esoknya;

mengesokkan = ~ *hari* menangguhkan hingga esok;

keesokan; ~ *harinya* = ~*nya* esoknya.

esoterik (ésoterik) hanya difahami, diketahui atau dihayati oleh sebilangan kecil orang sahaja (bkn faham, kepercayaan, puisi dll): *puisi* ~.

Esperanto (ésperanto) bahasa buatan antarabangsa yg sebahagian besarnya berdasarkan kata-kata yg dikongsi oleh bahasa-bahasa utama di Eropah.

espionaj (éspionaj) perbuatan mengintip bagi mendapatkan rahsia politik (ketenteraan, perindustrian, dsb) dgn menggunakan pengintip: *sesuai dgn cerita penyiasatan dan* ~.

esplanad (ésplanad) kawasan lapang yg rata dan panjang, tempat orang bersiar-siar atau berjalan-jalan, biasanya di tepi laut.

esprit de corps (éspri de ko) (Perancis) semangat setia kawan di kalangan ahli sesuatu kumpulan.

estafette (estafétté) IB perlumbaan lari (berenang) berganti-ganti.

ester (éster) (Kim) sebatian yg terbentuk drpd tindak balas antara asid dgn alkohol.

estet (éstét) **1.** ladang atau kebun (getah, kelapa, dll) yg luasnya lebih drpd seratus ekar; **2.** kawasan yg sudah dimajukan dgn pembinaan bangunan (kilang dsb); ~ *perindustrian* kawasan yg dimajukan utk keperluan perindustrian.

estetik (éstétik) bkn keindahan atau penghargaan terhadap keindahan (terutamanya dlm bidang seni): *sebenarnya, pertelingkahan ini adalah antara nilai* ~ *yg dihubungkan dgn akademi abad ke-19.*

estetika (éстетика) cabang falsafah yg mengkaji konsep yg berkaitan dgn keindahan, cita rasa, dll.

estetisisme (éстетисisme) fahaman bahawa prinsip estetik mendasari semua penilaian yg dibuat oleh manusia.

estriol (éстриол) (Bio) hormon estrogen yg terdapat semula jadi dlm air kencing wanita hamil.

estrogen (эстроген) (Bio) hormon seks yg merangsang perubahan pd organ pembiakan betina dan perkembangan ciri-ciri seks sekunder pd mamalia betina.

estrus (эструс) (Bio) tempoh berlakunya pembentukan ovum pd haiwan betina (tempoh ini berbeza-beza antara spesies haiwan yg berlainan).

eta (эта) huruf ketujuh dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Η, η.

etak (этак) sj kerang sungai, gayam, *Asaphis spp.*

etalase (эталасе) IB sj tingkap di kedai utk mempamerkan barang-barang dagangan.

etanol (этанол) (Kim) nama saintifik bagi alkohol.

etanolamina (этанолamina) (Kim) sj sebatian organik berbentuk cecair likat, tidak berwarna, berbau spt ammonia dan larut campur dlm air, aseton dan metanol, biasanya digunakan sbg pelarut, utk membuat detergen, cat emulsi dan penggilap.

etek (этэк) Mn panggilan kpd emak saudara yg bongsu, bibi, mak cik.

eter (этер) (Kim) **1.** cecair mudah terbakar, meruap, digunakan sbg pelarut dan ubat bius; **2.** sebatian organik yg diterbitkan drpd alkohol dgn menyingkirkan air.

etika (этика) **1.** ilmu bkn prinsip-prinsip akhlak atau moral; **2.** prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yg menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan,

dll); ~ *perubatan* nilai dan garis panduan yg harus dipatuhi oleh para doktor dlm pengamalan perubatan masing-masing;

beretika mempunyai atau berpegang kpd etika, berakhlak, bermoral: *amalan yg tidak ~ itu perlu dihentikan segera.*

etiket (étikét) **1.** kertas yg bertulis dgn nama (alamat dll) yg ditampalkan pd botol dll; **2.** adat dan peraturan bkn kesopanan (terutamanya dlm kehidupan sosial atau dlm profesion tertentu): *wanita bangsa kita belum mahir tentang ~ yg lazim di rumah-rumah orang besar.*

etil (étil) (Kim) radikal hidrokarbon monovalen yg terbit drpd etana.

etimologi (étimologi) cabang ilmu linguistik yg mengkaji asal usul dan perkembangan sesuatu kata.

etimon (étimon) (Lin) bentuk kata yg menjadi sumber penerbitan bentuk kata lain, mis kata Austronesia Purba **hijav* menjadi sumber kpd kata *hijau* (Melayu), *ijo* (Jawa) dan *hilau* (Tagalog).

etiologi (étiologi) **1.** kajian tentang punca (sebab) timbulnya penyakit; **2.** kajian atau falsafah tentang sebab-musabab.

etnik (étnik) bkn bangsa manusia: *ia juga tidak memaksa perubahan terhadap kepercayaan agama atau membuang unsur ~ sesuatu kaum; masyarakat majmuk mempunyai kelompok ~ yg hidup berlainan, tetapi di bawah sistem politik yg sama.*

etno- (étno) *awalan asing* ras, etnik atau budaya, mis *etnografi* dan *etnologi*.

etnobotani (étnobotani) kajian tentang pengetahuan dan adat resam sesuatu suku bangsa yg berkaitan dgn tumbuh-tumbuhan dan kegunaannya.

etnogeni (étnogéni) cabang etnologi yg berkaitan dgn asal usul ras.

etnografi (étnografi) cabang antropologi yg berkaitan dgn pemerian saintifik tentang masyarakat manusia.

etnolinguistik (étnolinguistik) cabang linguistik antropologi yg mengkaji sikap penutur terhadap bahasanya, khususnya bentuk yg digunakan utk mewujudkan keakraban: *berdasarkan kajian ~, bahasa Bajau merangkumi dialek campuran.*

etnologi (étnologi) cabang antropologi yg mengkaji rumpun (suku, kumpulan) bangsa manusia dan pelbagai aspek kebudayaannya serta perhubungan antara satu bangsa dgn yg lain.

etnomuzikologi (étnomuzikologi) kajian tentang muzik pelbagai etnik dan budaya.

etnosentrik (étnoséntrik) cenderung menganggap masyarakat (budaya dsb) sendiri lebih unggul drpd masyarakat (budaya dsb) lain: *inilah pemikiran ~ yg menganggap tamadun dan budaya barat lebih tinggi dan maju.*

etnosentrisme (étnoséntrisme) (Ant) pandangan atau sikap yg percaya bahawa golongan atau kebudayaan etnik sendiri lebih unggul drpd golongan atau kebudayaan etnik lain.

etok Kl, Tr sejenis kerang sungai, gayam, *Asaphis spp.*: *kalau kamu rebus ~ itu, jangan lupa bubuh serai.*

etologi (étologi) kajian saintifik tentang kelakuan binatang.

etos (étoś) sifat ciri sesuatu bangsa, budaya, era, dll: *pelukis Malaysia boleh menghasilkan karya yg benar-benar mencerminkan aspirasi, falsafah dan ~ masyarakat dan negara kita.*

Eu simbol kimia bagi europium.

eufemisme (éufémisme) ungkapan yg lebih lembut (sopan, manis, dsb) utk menggantikan ungkapan yg dianggap kasar, mis *buang air kecil* utk *kencing*.

eufoni (éufoni) (Lin) gabungan bunyi yg menyenangkan, terutamanya dlm ucapan.

eufonium (éufonium) (Muz) sj alat tiup yg mempunyai empat injap.

euforia (éuforia) **1.** (Ubat) keriangan yg berlebihan yg boleh dicetuskan oleh dadah atau penyakit mania; **2.** rasa gembira yg amat sangat: *kita boleh menjadi ghairah dan tenggelam dlm ~ wawasan 2020.*

eugenik (éugénik) kajian kaedah utk menghasilkan ras manusia yg lebih baik melalui pembiakan terpilih.

euglena (éugléna) sj protozoa air tawar yg ada ciri tumbuhan juga, *Euglena spp.*

eulogi (éulogi) ucapan (secara lisan atau tulisan) yg memuji atau menyanjung pencapaian seseorang atau sifat peribadinya yg luhur.

euro (éuro) unit mata wang bagi negara anggota Kesatuan Eropah.

eurodolar (éurodolar) mata wang Amerika Syarikat yg didepositkan di bank di luar Amerika Syarikat, terutamanya di Eropah, utk tujuan perdagangan.

europium (éuropium) (Kim) sj unsur logam yg lembut, mulur, mudah bertindak balas, berwarna putih perak, dan digunakan dlm televisyen warna dan laser.

euroyen (éuroyén) mata wang Jepun yg didepositkan di bank di Eropah utk tujuan perdagangan.

eutanasia (éutanasia) (Ubat) perbuatan mematikan seseorang yg menanggung azab penyakit yg tidak dapat disembuhkan lagi atas dasar perikemanusiaan supaya pesakit tersebut tidak berpanjangan mengalami azab.

evasif (évasif) sikap mengelak diri drpd sesuatu tanggungjawab, tindakan, dsb: *sikap ~ setengah-setengah ahli kumpulan boleh menjejaskan kemajuan kerja yg telah dirancangan.*

evolusi (évolusi) **1.** perubahan secara beransur-ansur pd haiwan atau tumbuhan, drpd satu generasi kpd generasi lain; **2.** perkembangan secara beransur-ansur, terutamanya pd bentuk yg lebih kompleks:

sudah terbukti bahawa sesuatu masyarakat itu menerima perubahan, sama ada secara ~ atau revolusi;

berevolusi berkembang secara beransur-ansur: *bulu dikatakan berasal drpd struktur epidermis yg ~ drpd sisik reptilia.*

ewa (éwa) Jw segan, enggan, tidak suka.

ewah (éwah) sr kata utk memuji, menyindir, menghina dsb seseorang.

Exco (éksko) akronim bagi **1. Executive Councillor** a) Ahli Dewan Undangan Negeri yg dilantik, sama ada oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri sesebuah negeri di Malaysia utk menganggotai badan eksekutif kerajaan negeri; b) ahli jawatankuasa sesebuah pertubuhan atau persatuan, biasanya yg besar; **2. Executive Council** a) badan eksekutif yg membuat dasar bagi kerajaan negeri; b) jawatankuasa pertubuhan atau persatuan.

ex gratia (éks gratia) (Latin) (Udg) diberikan atau dibuat sbg suatu pemberian atau tanda persahabatan, bukan diwajibkan di sisi undang-undang: *bayaran ~.*

ex officio (éks efisyio) (Latin) (Udg) atas dasar, memandangkan atau disebabkan jawatan.

ex parte (éks pati) (Latin) (Udg) bagi pihak atau kepentingan sebelah (satu) pihak sahaja: *sebelum ini beliau telah mendapat perintah sementara hak penjagaan anak dlm permohonan secara ~ pd bulan lepas.*

eyang (éyang) Jw datuk, nenek.

f I huruf keenam abjad Rumi.

F II kep Fahrenheit (ukuran suhu): 80° ~.

F III simbol kimia bagi fluorin.

fa 1. huruf ke-20 abjad Arab (mempunyai nilai 80); **2.** huruf ke-22 abjad Jawi.

faal I Ar alamat (sesuatu yg akan terjadi), tanda-tanda; *membuka* ~ melihat tenung (utk meramalkan sesuatu);

memfaalkan meramalkan (dgn melihat tanda-tanda).

faal II Ar **1.** perbuatan, kerja; ~ *iman (taubat)* doa menyatakan iman (taubat); **2.** Id kerja atau fungsi alat tubuh (spt jantung dll).

fabel 1. cerita pendek yg bertujuan utk menyampaikan pengajaran moral, biasanya berwatakkan binatang; **2.** cerita atau legenda tentang watak atau peristiwa sakti atau mitos.

fabrik kain yg dibuat drpd benang dgn cara menenun dsb.

fadihat Ar aib, cela, nista;

memfadihatkan mengaibkan, mencela, menistakan: *jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada diikatnya dan digantungnya dan difadihatkannya dgn kata yg jahat.*

fadil Ar mulia, berpangkat tinggi, terkemuka (kerana berilmu): *ulama* yg ~.

fadilat Ar kemuliaan, ketinggian, kelebihan (dlm beribadah): ~ *sembahyang sunat subuh.*

faedah (faédah) **1.** guna, manfaat: *apa ~nya mencintai orang yg tidak mencintai kita;* **2.** bayaran yg dikenakan atas pinjaman atau kredit, bunga: *kakitangan kerajaan diberi pinjaman perumahan atas kadar ~ 4% setahun;* ~ *terakru* faedah terkumpul yg belum dijelaskan;

berfaedah berguna, bermanfaat, memberi keuntungan:
nampaknya tidaklah ~ negara yg berjiran menentang satu sama lain.

fagosit (Bio) sj sel, spt sel darah putih, yg dapat memusnahkan mikroorganisma atau benda asing spt bakteria utk melindungi tubuh drpd terkena jangkitan.

faham 1. = **fahaman** pengetahuan dlm fikiran mengenai sesuatu, pengertian: *~nya mengenai soal-soal politik negara agak cetek*; **2.** fikiran atau anggapan dsb yg menjadi pegangan seseorang, pendapat: *~ mereka saling bercanggah*; **3.** tahu dan mengerti benar akan sesuatu: *aku tidak ~ macam mana perkara itu mahu diselesaikan*; **4.** kepercayaan (pegangan) individu atau masyarakat tentang sesuatu: *~ komunisme*;

~ kapitalis faham yg menganjurkan supaya faktor pengeluaran berada di tangan orang perseorangan, kapitalisme; *~ kapitalis laissez-faire* faham yg menganjurkan kegiatan ekonomi yg bebas sepenuhnya (tanpa campur tangan kerajaan); *~ sosialis* faham yg menganjurkan pemilikan dan pengusahaan bersama faktor-faktor pengeluaran (biasanya oleh kerajaan); *~ sosialis Marx* faham sosialis yg disembarkan oleh Karl Marx; *~ taakul* faham yg menganggap pemikiran yg dapat diterima, yg merupakan asas ilmu pengetahuan (kepercayaan dll);

~nya *bagai getah cair* prb Mn tidak tetap pendirian; *angan lalu ~ tertumbuk* prb Mn kemahuan ada tetapi tidak berdaya;

sefaham, sefahaman 1. sependapat, sekeyakinan: *mereka sehaluan dan sefahaman*; **2.** setuju (dgn);

bersefahaman bersatu faham (pendapat, keyakinan), bermuafakat, bersetuju: *setiap pasangan suami isteri harus ~ dan berkasih-kasih antara satu sama lain*;

kesefahaman keadaan sefahaman: *pembentukan sifat toleransi, kerjasama, dan ~;*

persefahaman perihal bersefahaman, permuafakatan, persetujuan: *dgn perundingan begini, mungkin dapat dicapai ~;*

berfaham 1. = **berfahaman** mempunyai faham (pendapat, keyakinan, dll): *rakyat tempat itu lebih ~ kedaerahan drpd ~ kenegaraan; 2.* bijaksana, berbudi, berakal: *ia sangat ~ dan sangat disegani oleh masyarakat;*

memahami 1. tahu dan mengerti benar akan sesuatu: *dia dapat ~ setiap pelajaran yg diajarkan oleh gurunya dgn baik; 2.* menyelami perasaan seseorang: *ibunya amat ~nya; 3.* memandang, mengangap: *dia ~ lawatan para menteri kerajaan pusat ke Singapura sbg suatu kebengisan;*

memahamkan 1. memberitahu (supaya difahami): *Mingguan Malaysia difahamkan bahawa sidang penting itu akan turut mengkaji segala masalah; 2.* mengecamkan (supaya difahami): *lihat peta ini dan perhatikan serta fahamkan;*

kefahaman keupayaan (kemampuan) memahami, faham tidaknya (seseorang) akan sesuatu yg dipelajari (dibaca dsb): *oleh itu, ujian keberkesanan pengajaran guru yg sebenarnya ialah ~ pelajar;*

ketidakhahaman perihal tidak memahami (sesuatu), kegagalan memahami: *itu menunjukkan ~ mereka terhadap media itu sendiri;*

pemahaman perihal memahami, apa yg difahami tentang sesuatu atau sejauh mana sesuatu itu difahami, tanggapan: *kesan yg paling ketara yg saya peroleh drpd kursus ini ialah ~ saya tentang hakikat Islam sbg tatacara hidup yg lengkap.*

faharasat (Parsi) (nombor) senarai (daftar), katalog.

Fahrenheit (fahrenheit) skala suhu yg menunjukkan takat sejuk beku air pd 32°F dan takat didih 212°F.

fail 1. kotak, sampul surat besar, kad berlipat, tempat surat dsb disimpan secara tersusun: *surat-surat itu disimpannya hati-hati dlm ~*; **2.** maklumat atau dokumen tentang sesuatu perkara, seseorang, dsb; **3.** (Komp) sekumpulan data atau maklumat yg berkaitan dsb yg mempunyai nama tertentu dan dianggap sbg suatu unit storan; **berfail-fail** beberapa banyak fail: *dia perlu menyemak ~ surat yg ada di atas mejanya sebelum pergi bercuti*;

memfailkan 1. memasukkan ke dlm fail, menyimpan dlm fail: *tiap-tiap baucar itu dinombori dan difailkan*; **2.** mengemukakan sesuatu (permohonan, aduan dsb) secara rasmi supaya dapat didaftarkan: *kami akan ~ notis utk mendapatkan satu tarikh perbicaraan*; *dia sudah ~ saman ganti rugi terhadap syarikat itu di Mahkamah Shah Alam*;

pemfailan proses (perbuatan dsb) memfailkan: *sistem ~ juga lebih baik kerana semuanya tersimpan di dlm komputer*; *~ surat penting harus dibuat secara sistematik*.

fajar 1. dinihari, subuh; *~ sidik dinihari benar, menjelang pagi*; **2.** cahaya kemerah-merahan di langit timur menjelang matahari terbit; *~ menyingsing (merekah) mulai pagi hari*.

fajir Ar lelaki yg jahat pekerti yg suka melakukan maksiat (spt penzina dan tukang sihir).

fajirah Ar perempuan yg jahat pekerti yg suka melakukan maksiat.

fakir Ar **1.** (orang yg) berpendapatan kurang drpd pendapatan orang miskin (tidak mencukupi keperluan asas harian): *tiap-tiap hari Jumaat, baginda mengurniakan sedekah kpd ~ dan miskin*; **2.** sl saya (yg miskin ini): *apa kerja tuan datang ke rumah ~?* **3.** orang yg sengaja atau dgn kerelaan sendiri mengalami atau menanggung serba kekurangan dalam hidupnya utk mendapat kesempurnaan batin: *baginda memakai pakaian ~ dan meninggalkan istana*;

~ *miskin* golongan yg sangat berkurangan (sangat miskin):
bantuan makanan juga akan diberikan kpd ~ miskin;

kefakiran perihal (keadaan) fakir.

faks dokumen dsb yg dihantar melalui sistem pengimbasan secara elektronik melalui talian telefon dsb;

memfakskan menghantar faks: *mesej penting ini akan difakskan kpd semua pemimpin parti.*

faksimile (faksimilé) salinan yg betul-betul menyerupai yg asal, spt gambar atau teks.

fakta **1.** sesuatu yg benar-benar berlaku; **2.** sesuatu yg benar dan boleh dibuktikan; **3.** maklumat tentang seseorang atau sesuatu; ~ *adjudikasi* (Udg) perkara fakta berkaitan dgn pihak-pihak dlm prosiding pentadbiran berbanding dgn fakta-fakta perundangan.

faktografi (Lin) proses merakamkan data tentang semua aktiviti peristilahan spt orang perseorangan, organisasi, kegiatan, pusat pengajian tinggi, dan statistik utk tujuan dokumentasi dan rujukan.

faktor **1.** unsur atau sebab yg menyumbang kpd sesuatu hasil: *kekuasaan ekonomi British di negeri ini ialah ~ terbesar yg menyebabkan bahasa Inggeris mempunyai kedudukan yg kukuh;* **2.** (Mat) nombor yg menjadi pembahagi kpd sesuatu nombor lain dgn tepat atau tanpa baki, mis 2 dan 3 adalah faktor bagi 6, atau 3 dan 5 adalah faktor bagi 15;

~ *pengeluaran* (Eko) faktor fizikal yg digunakan utk mengeluarkan barang dan perkhidmatan, iaitu tanah, buruh, modal dan pengusaha; ~ *pertengahan pengeluaran* faktor yg menghasilkan barang-barang (selain tanah dan buruh); ~ *utama pengeluaran* dua faktor (tanah dan buruh) yg menghasilkan barang-barang;

pemfaktoran 1. (Eko) kaedah mengambil alih risiko hutang yg belum dibayar dgn mengenakan bayaran perkhidmatan tertentu (biasanya oleh institusi kewangan); **2.** (Mat) perbuatan mencari faktor kpd sesuatu nombor.

faktual berdasarkan kenyataan: *bersedia memberikan pendapat yg ~ dan ilmiah agar kebenaran dapat ditegakkan.*

faktur IB senarai nama barang yg dijual (dikirim) dgn butir tertentu (spt harga, banyaknya, dll).

fakula (Ast) kawasan cerah pd permukaan matahari, yakni kawasan yg 10 peratus lebih cerah pd sekeliling permukaan matahari.

fakultas Id fakulti.

fakultatif IB tidak diwajibkan (pelajaran dll).

fakulti 1. sesuatu cabang atau jurusan pengajian atau ilmu pengetahuan di universiti: *~ perubatan; ~ sains;* **2.** wakil fakulti utk sesuatu pertandingan dll: *pertandingan bola sepak yg akan diadakan minggu depan ialah antara ~ perubatan dgn ~ pertanian;* **3.** kemampuan (keupayaan) semula jadi otak atau jasad: *hanya manusia sahajalah yg mempunyai kesemua ~ ini; manusia itu ialah sejenis makhluk bermasyarakat yg selalu menggunakan ~ pemikiran yg kritis utk meneliti dan mendalami masalah masyarakatnya.*

falah Ar kemenangan, kejayaan.

falak Ar **1.** bulatan langit, lengkung langit, cakerawala; **2.** = *ilmu ~ kajian saintifik tentang bintang, matahari, bulan, dan planet yg terdapat dlm alam semesta;* *ahli ~ orang yg ahli dlm ilmu falak.*

falkon sj burung pemangsa drpd famili Falconidae yg terbang pantas dan boleh dilatih utk memburu burung dan haiwan kecil lain.

falsafah pengetahuan tentang pengertian yg dianggap sbg ilmu yg tertinggi yg menjadi dasar ilmu-ilmu lain; *ahli* ~ orang yg ahli dlm falsafah, ahli fikir;

berfalsafah memikirkan secara mendalam tentang sesuatu: *sekarang ia pandai ~ dan berbicara tentang manusia dan kemanusiaan;*

kefalsafahan segala hal (sifat, ciri) yg berkaitan dgn falsafah: *yg penting, adanya nada ~ di dalamnya.*

FAM kep *Football Association of Malaysia* (Persatuan Bolasepak Malaysia).

FAMA akronim bagi *Federal Agricultural Marketing Authority* (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan).

famili **1.** keluarga: *dlm ~ saya, anak yg diharapkan saya seorang; **2.** kerabat, sanak saudara: *hampir tiap bulan datang ~ku dr kampung;* **3.** salah satu kategori pengelasan benda hidup antara order dgn genus;*

berfamili berkeluarga, berkerabat, bersanak saudara: *aku sekarang telah kenal hidup ~.*

fana Ar tidak kekal, lwn baqa; *berpindah dr negeri yg ~ ke negeri yg baqa* meninggal;

memfanakan sl meniadakan, memusnahkan: *maha suci bagi Allah yg tinggi ketuhanan-Nya dan tiada sekutu bagi-Nya dan lagi akan difanakan-Nya segala makhluk kemudian dijadikan-Nya;*

kefanaan perihal (keadaan) tidak kekal.

fanatik (orang yg) keterlaluan pd sesuatu pegangan atau pendirian (biasanya berkaitan dgn keagamaan): *Hj. Samad sangat ~ dlm hal agama;*

kefanatikan perihal fanatik: *seniman pernah ditindas dan dipatahkan oleh hukum, ideologi, dan ~ manusia.*

fanatisisme keyakinan (kepercayaan) yg amat kuat terhadap sesuatu.

fani Ar, sl dapat musnah (rosak, mati); □ **fana**.

fantasi 1. imaginasi yg tidak dibatasi oleh kenyataan, angan-angan, khayalan: *utk dapat mencipta cerita yg baik, diperlukan ~*; **2.** ciptaan imaginasi yg tidak terbatas, sama ada dinyatakan atau semata-mata dibayangkan: *pd kesimpulannya, semua drama adalah ~*; **3.** sesuatu yg dibuat (dipakai) utk perhiasan (bukan utk kegunaan sebenarnya);

sapu tangan ~ sapu tangan utk perhiasan; saku ~ saku yg tidak digunakan (hanya utk perhiasan sahaja);

berfantasi berkhayal, berangan-angan;

memfantasikan mengkhayalkan, mengangan-angankan.

fantastik 1. penuh fantasi, bukan kenyataan atau alam nyata: *tidak ketinggalan juga unsur ~, satira, simbolik, dan alegori; drama sejarah, drama masyarakat, drama ~ dan berbagai-bagai lagi*; **2.** bagus sekali, hebat sekali, sangat mengagumkan.

FAO kep *Food and Agricultural Organisation* (Pertubuhan Makanan dan Pertanian).

faqih Ar orang yg ahli dlm ilmu fiqah atau bidang-bidang lain yg diiktiraf dlm pengajian Islam: *seorang ulama adalah seorang ~*.

farad (Fiz) SI unit bagi kapasiti arus elektrik.

faraid Ar; *hukum (ilmu) ~ hukum (ilmu) berkenaan dgn pembahagian pusaka (dlm agama Islam)*.

faraj Ar kemaluan perempuan.

faraq Ar perbezaan, kelainan; *jauh ~ jauh bezanya*; **fariq**.

fardu Ar kewajiban yg dituntut (ditentukan) oleh agama;

~ ain fardu bagi orang perseorangan (iaitu yg wajib bagi tiap-tiap orang Islam, spt sembahyang lima waktu, puasa, dll); ~ kifayah tuntutan bersama bagi orang Islam, yg apabila dilaksanakan oleh

seseorang antara mereka, yg lain bebas drpd tanggungjawab itu, mis mengebumikan mayat;

memfardukan menjadikan fardu, mewajibkan: *sesungguhnya Allah SWT telah ~ ibadat puasa pd bulan Ramadan, bukan pd bulan-bulan lain.*

faringitis (Ubat) radang pd farinks.

farinks (Bio) bahagian salur makanan yg terletak di antara mulut dan esofagus.

fariq Ar berbeza, berlainan, terpisah; **faraq.**

Farisi penganut aliran agama Yahudi zaman dahulu.

farmakologi sains atau kajian tentang ubat-ubatan, termasuk sifat, tindakan, dan kegunaannya.

farmakopeia (farmakopéia) buku yg mengandungi senarai ubat, disertai dgn maklumat tentang kegunaan, kaedah penyediaan, dos, dan formula setiap ubat yg disenaraikan.

farmaseutikal (farmaséutikal) berkaitan dgn ubat-ubatan atau farmasi: *industri ~.*

farmasi 1. kemahiran dan kegiatan (kerja) membancuh dan menyediakan ubat-ubatan; *ahli ~* orang yg terlatih dlm bidang farmakologi, juruubat; **2.** tempat ubat dan bahan-bahan perubatan diberikan, dispensari.

farsakh Ar, sl ukuran panjang yg sama dgn 3 batu atau 4.8 kilometer.

Farsi sl Persia, Iran; □ □ **Parsi II.**

fasa peringkat atau tahap dlm rangkaian sesuatu perkembangan (gerakan, kegiatan, kemajuan, dll): *projek tersebut dilaksanakan dlm dua ~, dan ~ pertama dimulakan pd tahun 1984.*

fasad Ar kerosakan, kebinasaan, keburukan.

fasakh Ar **1.** pembatalan nikah apabila puncanya disedari akibat tidak sahinya nikah (spt perkahwinan adik-beradik seibu sebapa); **2.**

pembatalan nikah menurut keputusan kadi kerana sebab tertentu (spt suami gila, lemah tenaga batin, dsb) atas aduan isteri;

memfasakhkan membatalkan atau membubarkan ikatan perkahwinan (oleh mahkamah atau kadi): *seseorang isteri boleh memohon perintah Mahkamah Syariah supaya ~ perkahwinan mereka jika ada sebab-sebab yg diharuskan oleh syarak.*

fasal Ar **1.** bahagian drpd bab seksyen tertentu dlm dokumen undang-undang: *bab yg pertama terdiri drpd lima belas ~; pd ~ 18 perkara (9), tiada ditentukan bahawa setiap ahli boleh dipilih menjadi ketua; 2.* pokok percakapan, tajuk perbincangan, hal, perkara: *yg dibincangkan itu ~ yg tidak penting; apalah kakanda gaduhkan ~ itu; 3.* bkn hal, mengenai, perihal: *~ itu, serahkan saja pd aku; 4.* kerana, sebab: *terkenalnya nama Raden Awang bukan ~ kuat;*

~ timbang tara (Udg) fasal yg dibuat dlm perjanjian utk membolehkan pihak yg terlibat merujuk kpd penyelesaian timbang tara.

faset (fasét) **1.** permukaan yg diasah rata (pd permata atau kaca); **2.** segi, sudut (drpd sesuatu perkara).

fasid Ar **1.** rosak, binasa; **2.** batil (tidak sah): *walaupun kandungan itu hasil drpd nikah ~.*

fasih **1.** lancar dan baik sebutannya (ketika bercakap-cakap), petah; *~ lidah = berlidah ~ lancar dan mudah bercakap, pandai berkata-kata; 2.* lancar dan baik sebutannya (apabila bertutur dlm sesuatu bahasa lain), petah: *~ berbahasa Perancis;*

memfasihkan menjadikan fasih (berkata-kata atau bertutur dlm sesuatu bahasa), memetahkan;

kefasihan perihal fasih, kepetahan: *~nya bertutur dlm bahasa Melayu membanggakan kami; ~ berkata-kata.*

fasik □ **fasiq.**

fasilitator orang yg membimbing (memandu) sesuatu program pembelajaran dan pengajaran: *guru harus berperanan sbg ~ supaya pelajar dapat dipimpin utk menghasilkan sesebuah karangan yg baik.*

fasilitet (fasilitét) IB kemudahan (utk mengerjakan sesuatu dll).

fasiq Ar **1.** tidak mempedulikan perintah Allah: *golongan yg ~*; **2.** berdosa besar, buruk (jahat) perangai: *jangan gila hendak membuat kerja yg ~ itu*; **3.** orang yg berdosa besar (buruk kelakuan, jahat);

memfasikkan menganggap (mengira, mengatakan, dll) fasiq;

kefasiqan perihal fasiq, kejahatan, kegilaan: *hijrah drpd kemiskinan, kemungkaran, dan ~ kpd ketaatan, kemakrufan, dan kesolehan.*

fasis penganut faham nasional yg didasarkan pd pemerintahan yg bertindak atas kekuasaan drpd hak-hak demokratik.

fasisme sistem (pandangan) politik puak pelampau yg berhaluan kanan yg bersifat diktator (spt yg kelihatan di Itali buat pertama kali antara 1922 hingga 1943).

fatal IB celaka, untung malang (kemalangan) yg tidak dapat dielakkan.

fatalis orang yg berserah atau bergantung sepenuhnya pd nasib.

fatalisme kepercayaan bahawa perjalanan hidup manusia itu ditentukan oleh nasib dan di luar kawalan manusia: *kejujuran Moleire terhadap pembetulan masyarakat Perancis ialah dgn membetulkan ~ dan anarkisme yg terdapat dlm masyarakat.*

fatalistik cenderung, percaya atau berpegang kpd nasib: *sbg khalifah Allah, masyarakat Islam tidak boleh bersikap ~, sebaliknya harus aktif, dinamik, kreatif dan produktif.*

fatamorgana **1.** sesuatu yg bersifat khayalan **2.** sj logamaya.

fatān Ar cerdas, pandai.

fatānah Ar bijaksana (salah satu sifat Rasulullah SAW yg wajib dipercayai).

fathah (fat.hah) Ar tanda bacaan huruf Arab yg menandakan bunyi /a/, baris di atas.

fatimah; *akar (kacip, kunci, selusuh) ~ sj tumbuhan (pokok), pokok pinggang, tadah matahari, Labisia pothoina; pokok ~ sj tumbuhan (pokok), akar seru malam, bawal hutan, Phyllagathis rotundifolia.*

fatir Ar ark tidak beragi (roti).

fatom unit utk mengukur kedalaman sesuatu (spt laut, lombong dsb) yg bersamaan dgn 1.83 meter (atau 6 kaki).

Fattah Ar; *ya ~ alkulub* ya Pembuka segala hati (Allah).

fatwa Ar keputusan tentang sesuatu hukum agama (yg belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadis, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yg berwenang tentang keputusan hukum syarak);

berfatwa memberikan (mengeluarkan) fatwa: *pemimpin yg jahil itupun ~lah dgn tiada berilmu pengetahuan;*

memfatwakan memberikan fatwa.

faul 1. perbuatan, tindakan dsb yg melanggar sesuatu peraturan dlm permainan atau sukan: *setiap ~ yg dilakukan oleh pemain akan dicatatkan oleh pengadil; pemain itu telah melakukan banyak ~;*
2. batal kerana tidak mematuhi peraturan dlm permainan atau sukan (bkn pukulan, dll); *pukulan ~ pukulan yg menyalahi peraturan sukan atau permainan spt badminton, tae kwon do dsb.*

fauna (Bio) seluruh binatang yg hidup di sesuatu daerah tertentu: *hutan lembap tropika mengandungi setengah drpd hidupan liar, flora, dan ~ di dunia ini.*

faundri (Kej) tempat logam atau kaca dileburkan dan dijadikan benda yg mempunyai bentuk tertentu: ~ *besi*.

FBI kep *Federal Bureau of Investigation* (sebuah agensi pengadilan di Amerika Syarikat yg bertanggungjawab dgn penyiasatan kes jenayah).

Fe simbol kimia bagi ferum.

Feb kep Februari.

Februari (fébruari) bulan kedua dlm tahun Masihi yg biasanya mengandungi 28 hari (dlm tahun lompat ada 29 hari).

federal (féderal) IB yg bersekutu (negeri-negeri dll);

kaum ~ orang yg menganut (menghendaki) faham negara yg berbentuk persekutuan; *negara* ~ negara yg dibentuk drpd negeri-negeri yg bersekutu.

federasi (féderasi) IB **1.** gabungan badan-badan perhimpunan; **2.** persekutuan (negeri-negeri).

FELCRA (félcra) akronim bagi *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan).

FELDA (félda) akronim bagi *Federal Land Development Authority* (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan).

feldspar (féldspar) batu berhablur yg berwarna putih atau merah.

feloni (féloni) (Udg) jenayah yg sangat berat di sisi undang-undang, spt membunuh, merogol, merompak dsb.

felt (félt) sj fabrik yg agak tebal dan kuat, diperbuat drpd bulu biri-biri dsb yg dimampatkan.

feminin (féminin) **1.** berkaitan dgn ciri-ciri wanita atau kewanitaan: *tugas-tugas seumpama itu amat sesuai dgn sifat mereka yg lemah lembut dan ~*; **2.** (Lin) berkaitan dgn kata yg memiliki ciri yg dikaitkan dgn keperempuanan.

feminis (féminis) penyokong feminisme.

feminisme (féminisme) gerakan atau faham yg menuntut persamaan hak wanita spt yg dinikmati oleh kaum lelaki.

femur (fémur) (Bio) tulang yg paling panjang dan paling besar di dlm tubuh, yg bersendi dgn lutut di bawah dan pelvis di atas, tulang paha.

feng syui (feng sui) seni (dlm tradisi masyarakat Cina) menentukan kedudukan dan reka bentuk sesebuah kubur, bilik, bangunan dsb agar dapat membawa tuah kpd penghuninya dsb: *sbg seorang yg pakar dlm bidang ~, perkara pertama yg dilakukannya adalah meninjau persekitaran luar dan dalam hotel tersebut; mengikut amalan ~, pintu masuk apa-apa bangunan pun tidak elok menghadap ke hospital.*

fenobarbiton (fénoarbiton) (Ubat) sj ubat penenang yg digunakan utk merawat epilepsi dan penyakit sukar tidur.

fenol (féno) (Kim) **1.** kumpulan sebatian organik aromatik yg mempunyai satu atau lebih kumpulan hidroksil; **2.** sebatian organik aromatik, berbentuk hablur putih, dan digunakan utk membuat minyak wangi, pencelup, dll.

fenologi (fénologi) kajian tentang sesuatu fenomena pd organisma berhubung dgn faktor iklim dan faktor lain, mis perpindahan burung disebabkan oleh faktor iklim, dan pembungaan yg berlaku pd masa tertentu dlm setahun atau sehari.

fenomena (fénoména) **1.** sesuatu kenyataan atau kejadian yg dapat diperhatikan: *~ alam semula jadi; ~ sejarah;* **2.** sesuatu kenyataan atau kejadian yg dapat diberikan dan dijelaskan secara saintifik.

fenomenon (fénoménon) □ □ **fenomena.**

fenotip (fénotip) ciri yg kelihatan pd sesuatu organisma, yg terhasil drpd saling tindakan antara gen organisma dgn sekitaran.

feret (férét) sj binatang kecil seakan-akan memerang yg dipelihara utk membunuh tikus, menghalau arnab dsb.

feri (féri) sj bot atau kapal utk mengangkut penumpang, kenderaan, dll menyeberangi sungai, selat, dsb.

fermentasi (ferméntasi) penapaian: *gas yg dikeluarkan akibat tindak balas ~*.

fermi (Fiz) unit ukuran panjang yg bersamaan dgn 10^{-15} meter, digunakan utk mengukur jarak (dlm bidang fizik nuklear atau fizik atom).

feromon (féromon) (Bio) bahan spt hormon yg dirembeskan oleh haiwan tertentu, yg mempengaruhi kelakuan haiwan lain dlm spesies yg sama.

ferum (férum) (Kim) unsur logam yg digunakan utk membuat keluli, besi.

ferus (férus) (Kim) berkaitan dgn atau mengandungi besi: *~ oksida*.

festival (féstival) **1.** kegiatan berupa kempen (promosi, pertandingan, dll) secara bersiri, biasanya secara tahunan, dgn konsep dan tujuan yg tersendiri, pesta: *F~ Filem Malaysia ke-11*; **2.** perayaan keagamaan (kebudayaan dsb) sesuatu kaum sempena menyambut sesuatu peristiwa dsb, pesta: *F~ Kueh Bulan*.

fesyen (fésyen) gaya pakaian, kosmetik, tingkah laku, dll, (terutamanya yg terbaru) yg menjadi kegemaran ramai: *berbagai-bagai ~ rambut dapat kita lihat hari ini*;

berfesyen menunjukkan atau mengikut sesuatu fesyen (dlm cara berpakaian dll): *spt gadis-gadis lain, Rosnani gemar ~*;

memfesyenkan membuat atau membentuk mengikut fesyen: *jangan sekali ~ rambut yg tidak sesuai dgn raut wajah, umur, atau tempat*.

fetisy (fétisy) (Psi) **1.** objek yg sangat merangsang keinginan atau keghairahan nafsu syahwat seseorang; **2.** sesuatu, mis gambar

seseorang yg dipuja, dan barang tertentu, yg boleh menimbulkan kegilaan atau perasaan yg tidak rasional pd seseorang.

fetisyisme (fétisyisme) (Psi) **1.** kesukaan atau kegemaran yg sangat kuat terhadap sesuatu objek atau aktiviti yg dapat merangsang keghairahan nafsu syahwat; **2.** pemujaan sesuatu objek spt kasut, baju dan rambut, yg melambangkan seseorang yg dikasihi.

fetor (fétor), **fetur** (fétur) (Portugis) sl kepala perwakilan syarikat perdagangan, orang yg ketiga drpd perwakilan syarikat perdagangan.

fetus (fétus) (Bio) anak haiwan viviparus (haiwan yg melahirkan anak) yg belum dilahirkan, iaitu selepas peringkat embrio (pd manusia anak itu berumur antara tujuh minggu selepas persenyawaan sehingga saat kelahiran).

feudal (féudal) berasaskan (bersifat, berkaitan dgn) feudalisme;

kefeudalan keadaan feudalisme: *sifat ~ Tikus Rahmat semalam jelas semasa dia menjadi pemimpin.*

feudalisme (féudalisme) **1.** sistem kemasyarakatan yg dikuasai oleh kaum bangsawan; **2.** sistem pembahagian tanah kpd kaum bangsawan di Eropah pd zaman dahulu (dgn kaum petani yg mengusahakan tanah diwajibkan memberikan khidmat kpd kaum bangsawan yg menjadi tuan punya tanah).

feudalistik (féudalistik) berasaskan (bercorak, bersifat) feudalisme, feudal: *unsur-unsur budaya ~ harus ditinggalkan, termasuk pendewaan seseorang tokoh.*

fi (Udg) bayaran yg dikenakan bagi sesuatu perkhidmatan atau nasihat profesional, spt khidmat guaman, perancangan dsb.

fi (fai) huruf ke-21 abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Φ , ϕ .

fibril (Bio) **1.** struktur bebenang halus yg terdapat pd gentian otot; **2.** serabut akar yg paling halus.

fibrin (Bio) protein tak larut yg terbentuk drpd fibrinogen semasa penggumpalan darah.

fibrinogen (Bio) sj protein globulin yg larut di dlm darah, bertukar menjadi fibrin semasa proses penggumpalan darah oleh tindakan enzim trombin.

fibroid sj ketumbuhan yg tidak mengakibatkan barah (benigna).

fibrosis (Ubat) pembentukan tisu berserat pd sesuatu struktur atau organ akibat kecederaan, inflamasi dsb.

fibula (Bio) tulang betis yg terletak di sebelah luar (tulang) tibia.

FIDA akronim bagi *Federal Industrial Development Authority* (Lembaga Pembangunan Perindustrian Persekutuan).

fidah Ar sl perak.

fidyah **1.** denda sebab tidak mengerjakan sesuatu fardu: ~ *utk puasa*; **2.** denda atau ganti rugi yg mesti dibayar kerana melukai atau membunuh orang, diat.

fidzah Ar → **fidah**.

FIFA akronim bagi *Federation of International Football Associations* (Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa).

figura perwakilan (representasi) (terutamanya bentuk manusia) dlm lukisan atau ukiran: *ini dilambangkan oleh ~ yg bersendirian pulang, memikul sebuah bakul*.

figuratif menunjukkan makna (perkataan, rangkai kata, dsb) yg lebih abstrak atau imaginatif drpd makna biasanya, bersifat kiasan atau lambang: *sejauh mana keberhasilan seseorang penulis skrip itu mengolah dialognya sbg bahasa kreatif yg sifatnya imaginatif, dan ~*.

fiil Ar **1.** perbuatan, kerja; *kata ~ ark perbuatan*; **2.** kelakuan, perangai: *Sultan Mahmud terlalu baik ~nya*.

fikir 1. ingatan, angan-angan, akal: ~ *itu pelita hati*; *daya* ~ daya atau keupayaan (utk) berfikir; ~ *sebelit* = *kurang* ~ tidak ingat-ingat (dipertimbangkan baik-baik); *tak habis* ~ tidak mengerti (hujung pangkalnya maka jadi begitu); *ahli* ~ *ahli falsafah*; **2.** anggapan, pendapat, sangka, kira: *pd ~nya, tidak akan kita datang*; ~*ku* sangkaku, *pd* sangkaanku;

berfikir menggunakan akal (utk menyelesaikan sesuatu dsb), mempertimbangkan (dlm ingatan): *ia ~ bahawa wang itu lebih berharga drpd nyawanya*; *ia pun ~ lalu berkata*; ~ *panjang* mempertimbangkan baik-baik;

berfikir-fikir berfikir dgn mengambil kira berbagai-bagai faktor dgn agak lama, mis utk mendapatkan sesuatu jawapan, kepastian dsb: *Mastura mencoret sesuatu di kertas sambil ~ siapa tokoh agama yg harus dihubunginya*;

berfikirkan berfikir mengenai sesuatu;

memikir 1. berfikir mengenai sesuatu, mengingati, merenung sesuatu: *ia kelihatan mengerutkan kening seolah-olah ~ sesuatu*;

2. menyangka, mengangap: *apa yg kau fikir tidak aku tahu persoalannya*;

memikiri memikir;

memikirkan 1. menggunakan akal (utk menyelesaikan sesuatu), merenungkan, mempertimbangkan (dlm fikiran): *Mariam berjanji akan ~ pinangan orang itu*; *mereka yg bertanggungjawab tentang soal pendidikan masyarakat mestilah ~ dua perkara ini*; **2.** mengenangkan: *aku banyak ~ masa depanku*; **3.** mengendahkan, mempedulikan, memandang penting: *kalau jadi ia berkahwin dgn gadis itu, akan bererti bahawa ia tidak ~ celaan orang*;

memikir-mikirkan memikirkan sesuatu perkara dgn mengambil kira berbagai-bagai faktor dgn agak lama, mis utk mendapatkan

sesuatu jawaban, kepastian dsb: *sedang aku ~ penyelesaian masalah itu, timbul pula satu lagi masalah lain;*

terfikir teringat, termasuk akal, tersangka: *tidak ~ pd diriku kejadian spt ini akan menyimpannya;*

fikiran **1.** daya berfikir, akal, ingatan; *hilang ~ hilang akal; kurang (panjang, tajam) ~ kurang (panjang, tajam) akal; sakit ~ gila;* **2.** hasil pemikiran, pendapat, pertimbangan akal, upaya, muslihat: *itu bukan ~nya sendiri; apa ~mu sekarang ini, kita sudah kena tipu; mendapat ~ mendapat muslihat;* **3.** niat, cita-cita, angan-angan: *tidak ada ~ hendak bekerja;* **4.** perhatian, minat: *sangat sedikit ~nya pd pelajaran; menaruh ~ menaruh perhatian;*

sefikiran sependapat, sefaham;

berfikiran mempunyai fikiran (akal dll);

pemikiran perihal berfikir (memikir): *bahasa Melayu sejak lama telah berkembang sbg alat perkembangan ~ bangsa Melayu; ~ lateral* cara menyelesaikan masalah dgn menggunakan daya imajinasi (bukan dgn menggunakan logik atau cara-cara pemikiran yg biasa) sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yg kelihatan luar biasa (kadang-kadang agak gila-gila sedikit) tetapi berkesan;

pemikir orang yg berfikir, ahli fikir.

fikologi cabang botani yg berkaitan dgn kajian tentang alga.

fikrah Ar daya berfikir, pemikiran: *hubungan ~nya dgn realiti sejarah sosial dan politik.*

fiksyen **1.** karya sastera yg dicipta drpd imajinasi spt novel dan cerita pendek, cereka; **2.** cerita yg diada-adakan;

memfiksyenkan menjadikan fiksyen, menjadikan hasil imajinasi.

filamen **1.** tangkai stamen yg mempunyai cepu debunga; **2.** dawai halus (biasanya tungsten) dlm mentol lampu elektrik.

filantropi rasa kasih sayang terhadap manusia, kedermawanan.

filaria (Ubat) sj cacing parasit drpd famili Filariidae yg hidup di dlm darah dan tisu haiwan vertebrat yg mengakibatkan penyakit filariasis, biasanya disebarkan oleh serangga tertentu spt nyamuk dsb.

filariasis (Ubat) sj penyakit yg menjejaskan sistem limfa akibat serangan cacing filaria.

filateli kegemaran mengumpul dan mengkaji setem (pos).

filem **1.** benda tipis drpd seluloid yg dimasukkan ke dlm kamera utk membuat gambar (negatif); **2.** gambar bergerak yg ditayangkan pd layar, biasanya di pawagam, wayang gambar: *mereka selalu berbicara tentang cerita ~;*

~ *bicara* wayang bersuara (wayang gambar yg pelakon-pelakannya berkata-kata); ~ *berwarna* wayang gambar dlm warna-warni; ~ *bisu* wayang gambar yg pelakon-pelakannya tidak berkata-kata tetapi hanya beraksi; ~ *dokumentari* filem yg memaparkan kisah sebenar tentang sesuatu perkara (peristiwa, aktiviti dsb) tertentu; ~ *lucah* filem yg banyak menayangkan adegan seks;

memfilemkan menjadikan filem, membuat cerita dlm bentuk filem: *syarikat perfileman itu akan ~ kisah hidup P. Ramlee;*

perfileman (segala hal) mengenai filem (wayang gambar): *perusahaan ~ itu dibiayai oleh orang Jepun; masalah ~.*

filet (filé) potongan atau kepingan isi ikan, atau daging (lembu, ayam dsb) yg tidak bertulang: ~ *ikan.*

filharmonik berkaitan dgn persembahan, penghayatan dsb orkestra, muzik dsb: *dewan ~; orkestra ~.*

fil marsyal pegawai yg berpangkat tertinggi dlm angkatan tentera British dan beberapa angkatan tentera negara lain.

filogeni (filogéni) (Lin) kajian tentang sejarah dan perkembangan bahasa berdasarkan beberapa tahap.

filologi 1. kajian ke atas bahan-bahan bertulis (biasanya karya sastera) dan penentuan kebenaran atau ketulenan (keaslian) bentuknya dan maknanya; **2.** istilah lama bagi linguistik sejarah dan perbandingan, terutamanya yg berdasarkan bahan tulisan dan kesusasteraan.

filsafat □ **falsafah.**

filsuf ahli fikir, ahli falsafah.

filum (Bio) kategori utama dlm pengelasan haiwan dan tumbuhan.

FIMA akronim bagi *Food Industries of Malaysia* (Industri Makanan Malaysia).

finale (finalé) bahagian terakhir sesebuah lagu, muzik, lakonan dsb.

finalis bp peserta dlm peringkat akhir sesuatu pertandingan, peserta akhir: *dlm acara perseorangan lelaki, bekas juara dan ~ 1997 tersungkur awal.*

finansul IB bp perihal wang.

fiord (Geog) teluk yg kecil, sempit dan panjang serta bertebing tinggi.

fiqah Ar = *ilmu* ~ pengetahuan tentang hukum dlm agama Islam.

fir sj pokok tirus yg daunnya spt jarum, *Abies spp.*

firajullah Ar hiburan Allah.

firasat 1. = *ilmu* ~ pengetahuan mengenai tanda-tanda pd muka (badan dll) utk mengetahui kelakuan atau nasib orang: *maka diketahui oleh sultan dgn ilmu ~ baginda bahawa budak itu keturunan raja-raja; 2.* perasaan hati bahawa akan terjadi sesuatu sesudah melihat tanda tertentu: *saya mendapat ~ bahawa ia akan mendapat kemalangan; 3.* tanda-tanda pd muka (badan dll) yg dapat menggambarkan kelakuan orang: *menurut ~nya, ia orang yg tinggi hati;*

berfirasat **1.** berasa sesuatu akan terjadi berdasarkan tanda tertentu yg ada: *aku ~ bahawa dia akan dikenakan oleh ibu mentuanya*; **2.** meramal atau menduga bahawa sesuatu akan terjadi berdasarkan tanda tertentu yg ada: *kawan pasangannya harus pandai ~*.

firaun raja Mesir (pd zaman purbakala).

firdaus **1.** syurga kedua; **2.** taman kesenangan (tempat Adam dan Hawa).

firdausi sl spt taman firdaus (sangat indah).

firma syarikat perniagaan atau perusahaan.

firman amaran, kata perintah (terutamanya Tuhan): *~ Allah kita ingatkan*;

berfirman bersabda, bertitah memberi amaran: *Tuhan telah ~ "Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku istijabkan."*;

difirmankan diberi amaran, disabdakan, dititahkan.

firus = *batu* ~ sj batu permata yg warnanya kebiru-biruan.

fisiognomi **1.** roman muka yg dapat menggambarkan kelakuan atau keperibadian seseorang; **2.** seni menilai kelakuan atau keperibadian seseorang drpd roman mukanya.

fisiologi **1.** cabang ilmu sains bkn fungsi organisma; **2.** proses dan fungsi keseluruhan atau sebahagian drpd sesuatu organisma: *perlu juga disebutkan tentang kajian beliau berkenaan dgn ~ mata dan masalah pelihatan*.

fisioterapi (fisiotériapi) rawatan terhadap seseorang yg mengalami kelumpuhan atau gangguan saraf (otot) secara senaman,urut, atau dgn menggunakan cahaya, haba, dll.

fiskal **1.** pegawai kehakiman (lebih rendah drpd jaksa); **2.** bkn kewangan atau hasil pendapatan kerajaan (spt cukai dll).

fitnah tuduhan (khabar, kisah, dll) yg diada-adakan (dibuat-buat) utk memburukkan atau membencanakan seseorang dll: *ia bercerai kerana ~ orang*;

memfitnah, memfitnahkan membuat fitnah terhadap, mengada-adakan sesuatu utk memburuk-burukkan atau membencanakan sesuatu pihak: *wartawan itu bertanggungjawab terhadap berita yg ~ dan memburukkan kerajaan*;

fitnah-memfitnah saling memfitnah: *~ dlm masyarakat yg akan membawa kpd porak-peranda*;

pemfitnahan perihal atau perbuatan memfitnah;

pemfitnah orang (pihak) yg membuat fitnah: *orang yg mengaku beragama Islam boleh diperangi kalau mereka menjadi ~, munafik dan zindik kerana mereka telah menentang Islam sendiri*.

fito- awalan asing berkaitan dgn atau menunjukkan tumbuhan, mis *fitopatologi* dan *fitogenesis*.

fitoekologi (fitoékologi) cabang ekologi yg berkaitan dgn hubungan antara tumbuh-tumbuhan dgn persekitarannya.

fitogenesis (fitogénésis) cabang botani yg berkaitan dgn asal usul dan evolusi tumbuh-tumbuhan.

fitogeografi (fitogéografi) kajian tentang taburan tumbuh-tumbuhan dr segi geografi.

fitokimia cabang kimia yg berkaitan dgn tumbuhan-tumbuhan, termasuklah komposisi dan proses kimianya.

fitopatologi kajian tentang penyakit tumbuh-tumbuhan.

fitososiologi kajian tentang komuniti tumbuh-tumbuhan, termasuk asal usul dan perkembangannya.

fitotoksin (Bio) **1.** toksin yg diperoleh drpd tumbuhan; **2.** bahan yg boleh merosakkan atau memudaratkan tumbuhan, terutamanya yg dihasilkan oleh parasit.

fitrah I = *zakat* ~ Ar zakat (berupa beras, wang, dll) yg diwajibkan ke atas setiap umat Islam menyumbangkannya dlm bulan puasa (sebelum 1 Syawal);

berfitrah membayar (mengeluarkan) fitrah;

memfitrahkan mengeluarkan fitrah utk.

fitrah II, fitrat Ar **1.** tabii, bakat, pembawaan: *memang ~ manusia untuk berkasih sayang antara satu sama lain, terutamanya pd ahli keluarga sendiri*; **2.** perasaan keagamaan.

fitratullah Ar kejadian yg termeterai dlm ketetapan Allah.

fitri (yg) berkaitan dgn fitrah.

fitur ciri (bentuk, sifat) yg tertentu: *kita tidak peka kpd ~ alam kebendaan ini.*

fius 1. peranti utk menyekat arus elektrik yg mengalir melalui sesuatu litar apabila arus melebihi nilai tertentu; **2.** peranti mekanikal atau elektronik utk mencetuskan sesuatu letupan.

fiuslaj (Kej) badan kapal terbang, roket, peluru berpandu dsb .

fizik cabang ilmu sains yg mengkaji sifat-sifat jirim dan tenaga (spt haba, cahaya, bunyi, graviti, magnetisme) dan perkaitan antara semua unsur ini.

fizikal 1. bkn badan, jasmani: *latihan ~*; **2.** bkn kebendaan atau keadaan alam semula jadi: *geografi ~*.

flaks tumbuhan herba atau pokok renik drpd genus *Linum* yg ditanam utk mendapatkan biji dan gentiannya yg dijadikan benang dan ditenun menjadi kain linen.

flamingo sj burung tropika drpd famili Phoenicopteridae, berkaki kurus panjang, berparuh lengkung, berleher panjang dan berbulu merah jambu, biasanya hidup di kawasan berair.

flanel (pakaian drpd) kain bulu yg ringan dan lembut: *aku memakai ~ putih dan pergi ke tamannya.*

flanelet (flanélét) (Tks) kain flanel tiruan yg diperbuat drpd kapas.

flebitis (flébitis) (Ubat) radang pd vena.

fleksi (fléksi) (Lin) **1.** perubahan bentuk kata mengikut perbezaan waktu, jantina, jumlah, dsb, spt yg berlaku pd bahasa Inggeris (mis *try* dan *tried*); **2.** (proses) penambahan imbuhan pd kata akar atau dasar.

fleksibel (fléksibel) **1.** boleh diubah atau disesuaikan (dgn mudah): *ini merupakan suatu proses yg ~*; **2.** mudah berubah (sikap, keputusan, dll) mengikut keadaan baru dll, luwes: *pemimpin yg baik haruslah mempunyai nilai yg ~ dlm dirinya, iaitu sanggup menyesuaikan diri dgn perubahan keadaan.*

kefleksibelan keadaan fleksibel, keluwesan.

fleksibiliti (fléksibiliti) perihal (keadaan atau sifat) fleksibel, kefleksibelan: *keadaan itu bukan sahaja menggambarkan ketiadaan ~ dlm pelaksanaan projek.*

flo (Geog) kepingan ais yg berapung di permukaan laut dsb.

floem (Bio) tisu tumbuhan yg berfungsi mengangkut makanan yg dihasilkan oleh tumbuhan.

flora (Bio) keseluruhan tumbuh-tumbuhan yg terdapat di sesuatu daerah atau pd sesuatu masa.

floret (florét) sj pedang penusuk yg dipakai dlm permainan anggar.

florin bekas wang logam Inggeris yg bernilai dua syiling.

flos sj benang yg berlilin utk membersihkan celah-celah gigi: ~ *gigi*.

flotila **1.** kumpulan kecil kapal; **2.** kumpulan kapal yg terdiri drpd kapal yg kecil, terutamanya kapal perang.

flu bp kep influenza, demam selesema.

fluorida (Kim) sebatian yg mengandungi fluorin dgn unsur lain (dicampurkan dgn ubat gigi untuk mencegah karies gigi);

pemfluoridaan proses memasukkan fluorida (ke dlm bekal air dll).

fluorin (Kim) gas berwarna kuning pucat, yg menyerupai klorin, berbau sengit, dan beracun.

flut sj seruling yg diperbuat drpd logam, kayu, dsb dlm bentuk tiub panjang dan berlubang-lubang di tepinya.

FMC kep *Federation of Malaya Certificate of Education* (Sijil Pelajaran Persekutuan).

fobia ketakutan yg amat sangat akan sesuatu.

fokus 1. (Fiz) titik tempat sinar (cahaya, haba, bunyi) bertumpu atau tempat ia mencapah selepas pembalikan atau pembiasan; **2.** tumpuan (perhatian, perbincangan, dsb): *ada parti politik dan persatuan yg cuba memberi ~ kpd masalah ini;*

berfokus berpusat, tertumpu: *bahasa yg kompleks yg kelihatan ~ pd isu atau tema semasa;*

memfokuskan 1. menjadikan (sinar cahaya, haba, bunyi) bertumpu pd satu titik, menumpukan: *apabila bahagian depan mata terlalu bujur dan tidak bulat, cahaya tidak dapat difokuskan ke bahagian belakang mata;* **2.** memberikan tumpuan (perhatian dsb) kpd, menumpukan perhatian kpd, menonjolkan: *drama sebabak ini ~ saat-saat terakhir pemberontakannya;*

terfokus terarah pd suatu tujuan (sasaran, perhatian dsb), tertumpu: *mataku ~ pd sehelai sapu tangan merah yg kini berada di genggamannya pengetua; komitmen yg lebih ~ terhadap penggunaan sumber;*

pemfokusan perbuatan memfokuskan: *~ kpd sasaran ini ditinggalkan kpd para pengkritik.*

folikel (folikél) **I** kantung kecil (rongga) yg sempit pd tubuh yg mempunyai fungsi perkumuhan, perkembangan, atau perlindungan: ~ *rambut*.

folikel (folikél) **II** buah kering berbiji banyak yg pecah pd satu sisi bijinya utk melepaskan biji.

folio (Cetak) **1.** sukatan besar buku (satu lembar kertas cetak yg dilipat dua sehingga mempunyai empat muka); **2.** lembar yg terdiri drpd muka kiri dan kanan yg mempunyai satu nombor; **3.** nombor halaman yg tercetak.

FOMCA akronim bagi *The Federation of Malaysian Consumer Association* (Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia).

fomen (fomé) pekerja kanan yg mengawasi pekerja-pekerja lain, mandur.

fomes sj cendawan.

fon I kumpulan rupa bentuk set aksara yg terdiri drpd huruf pelbagai rupa dan saiz yg boleh dicetak atau dipaparkan.

fon II; ~ *telinga* a) alat yg dilekapkan pd sebelah atau kedua-dua belah telinga utk mendengar lagu, muzik dsb; b) peranti (dgn satu penerima) yg diselitkan pd telinga utk membantu pendengaran.

fonem (foném) (Lin) unit bunyi yg terkecil yg boleh membezakan makna kata.

fonemik (fonémik) (Lin) **1.** bkn fonem. **2.** kajian linguistik tentang fonem.

fonetik (fonétik) ilmu bahasa (linguistik) yg berkaitan dgn penyebutan kata dan lambang yg menunjukkan sebutannya.

fonik (Lin) kaedah mengajar membaca dgn melatih pelajar menghubungkan bunyi tertentu dgn lambang tertentu.

fonografi sistem tulisan yg mewakili bunyi berdasarkan simbol tertentu.

fonologi (Lin) kajian tentang bunyi sebutan dlm sesuatu bahasa: *kata-kata drpd bahasa asing hendaklah disesuaikan dgn sistem ~ Melayu.*

fonometrik (fonométrik) (Lin) analisis dan huraian bahasa lisan yg berdasarkan kaedah fonologi, fonetik dan statistik.

fonostilistik (Lin) cabang stilistik yg berkaitan dgn penyelidikan fungsi pengungkapan bunyi, mis penggunaan onomatopeia dlm puisi.

fonotaktik (Lin) kajian dan sistem penyusunan fonem dlm urutan bagi sesuatu bahasa.

Foochow suku kaum Cina yg berasal dr daerah Foochow dan Fukien, China dan tinggal di merata tempat di dunia.

forensik (forénsik) bkn pengetahuan perubatan yg diperlukan dlm pengadilan (mis, utk menentukan punca sesuatu kematian).

formal menurut peraturan (bentuk, ciri-ciri, cara, dsb) tertentu (yg sudah diterima atau yg dianggap wajar dsb), menurut aturan, menurut adat kebiasaan, rasmi: *berpakaian ~; mengajar nahu secara ~;*

memformalkan menjadikan formal;

keformalan perihal (keadaan, sifat dsb) formal: *laras ialah penggunaan bahasa yg ditentukan oleh beberapa faktor sosial, antaranya ialah taraf ~ situasi sewaktu bahasa digunakan;*

pemformalan perbuatan (proses) memformalkan sesuatu.

formaldehid (Kim) gas beracun, tidak berwarna, berbau sengit, digunakan sbg pengawet dlm sintesis kimia dan dlm pembuatan resin sintetik.

formalin (Kim) larutan berair yg terdiri drpd 37% - 50% formaldehid, yg digunakan sbg bahan pengawet: *bau ~ yg tengik itu tidak lagi mengganggu deria kelompok yg sedang membongkok rapat ke abdomen mayat tersebut.*

formalis individu atau golongan yg patuh kpd ketentuan (peraturan dll) yg ditetapkan.

formalisme kepatuhan (sifat patuh) kpd ketentuan dan peraturan yg ditetapkan.

formalistik terlalu berpegang kpd bentuk (ketentuan dsb) yg telah ditetapkan: *pendekatan ~; tinjauan ~*.

formaliti tindakan (langkah dsb) yg perlu dipatuhi mengikut peraturan (kelaziman) yg telah ditetapkan: *borang permohonan itu hendaklah diserahkan kpd majikan sbg suatu ~ bagi setiap pemohon pekerjaan baru.*

formasi susunan (sekumpulan orang atau benda) dgn bentuk tertentu sambil melakukan pergerakan: *selepas itu diperkenalkan pula ~ 4-4-2 serta 3-3-4, sistem piramid dsb; ~ penerbangan corak atau pola penerbangan yg terbentuk oleh dua buah pesawat udara atau lebih yg terbang bersama-sama, biasanya dilakukan sbg pertunjukan dsb.*

format 1. bentuk dan rupa serta ukuran (saiz) tertentu sesebuah naskhah yg dicetak; **2.** gaya atau susunan sesuatu rancangan penerbitan (mis siri TV) yg dipersembahkan;

memformatkan menyediakan (mengatur dsb) mengikut sesuatu format: *teks juga boleh diformatkan supaya lebih tersusun;*

pemformatan perihal (proses, perbuatan dsb) memformatkan: *para penterjemah banyak menghabiskan masa membuat kerja penyuntingan, ~ dokumen, dan kerja yg berkaitan dgn leksikografi.*

formatif yg berpengaruh utk membentuk sesuatu (tabiat, budi pekerti, dll): *pertuturan orang dewasa mempunyai fungsi ~ yg penting dlm memperkembang proses mental kanak-kanak.*

formatir IB pembentuk (kabinet dll).

formika lapisan pengkilap perabot kayu, spt bahagian atas meja tulis, yg dibuat drpd bahan plastik (dgn corak yg berwarna-warni).

formula 1. (Kim) seperangkat simbol yg terdiri drpd huruf, atau huruf dan angka yg menunjukkan komposisi unsur sesuatu bahan, mis formula utk karbon monoksida ialah CO, dan ammonia ialah NH₃, rumus; **2.** (Mat) aturan, prinsip, hubungan dsb matematik yg dinyatakan dlm bentuk simbol, rumus; **3.** kaedah (cara, tindakan, rancangan dsb) utk mencapai sesuatu hasil (kejayaan dsb) atau menyelesaikan sesuatu masalah dsb dgn sebaik-baiknya: *negara-negara anggota berbincang utk mencari ~ paling mujarab utk menyelesaikan masalah ekonomi yg sedang mencengkam dunia; saya tidak ada ~ tertentu utk mencapai matlamat ini;* **4.** senarai bahan, arahan dsb dlm menghasilkan sesuatu ubat dsb; **5.** pengelasan atau perlumbaan kereta lumba berdasarkan kapasiti enjin, saiz enjin dsb: *F~ Satu; F~ Tiga; F~ 2000;*
~ *am* (Kim) formula yg melambangkan kumpulan sebatian organik secara umum, dgn menggunakan lambang sbg ganti bilangan atom (mis alkana dilambangkan sbg C_nH_{2n+2}); ~ *empirik* = ~ *empiris* (Kim) formula paling ringkas utk menyatakan bilangan relatif atom yg bergabung dlm satu molekul sebatian berdasarkan berat komposisi sebatian tersebut (mis CH bagi asetilena dan benzena); ~ *kimia* (Kim) perlambangan utk menyatakan binaan molekul atau perkaitan kimia dgn menggunakan simbol-simbol; ~ *molekul* (Kim) formula yg menunjukkan bilangan sebenar atom dan jenis-jenis atom yg terdapat dlm sesuatu molekul (mis C₆H₆ bagi benzena dan C₂H₅OH bagi etanol); *F~ Satu* perlumbaan kereta profesional bertaraf dunia yg sangat berprestij; ~ *struktur* (Kim) formula yg menyatakan bilangan sebenar, jenis, dan susunan atom-atom dlm sesuatu molekul sebatian;

berformulakan berdasarkan atau mempunyai sesuatu sbg formula: *penyelesaian sesuatu masalah mestilah ~ sikap tolak ansur dan hormat-menghormati antara pihak yg terlibat.*

formulasi huraian atau penjelasan yg ringkas dan tepat, rumusan;

memformulasikan menyatakan sesuatu dgn ringkas dan tepat, merumuskan: *Manheim ~ suatu epistemologi yg bersesuaian dgn pengetahuan.*

formulir IB borang.

forseps (forséps) penyepit (spt yg digunakan oleh doktor dll).

forte (forté) (Muz) **1.** kuat bunyinya (bersimbol *f*); **2.** rangkap lagu yg dimainkan dgn kuat.

fortepiano (fortépiano) piano jenis lama yg popular pd abad yg ke-18.

fortis (Lin) konsonan yg dihasilkan dgn otot yg tegang, mis bunyi /t/, /k/ dan /s/.

fortissimo (Muz) **1.** sangat kuat bunyinya (bersimbol *ff*); **2.** rangkap lagu yg dimainkan dgn sangat kuat.

FORTTRAN akronim bagi *formula translator* (penterjemah formula, iaitu sj bahasa komputer yg kerap digunakan dlm bidang saintifik, matematik, dan kejuruteraan yg dapat ditukarkan ke dalam bentuk formula).

forum **1.** perjumpaan utk perbincangan terbuka tentang perkara yg menjadi kepentingan awam: *Berita Harian akan menganjurkan sebuah majlis ~ dlm bahasa Kebangsaan*; **2.** perantaraan utk perbincangan terbuka, mis majalah; **3.** tempat perjumpaan umum utk perbincangan terbuka.

forwad (Suk) pemain atau kedudukan barisan penyerang (bkn permainan bola sepak, hoki dsb).

fosfat (Kim) garam asid yg banyak mengandungi fosforus (digunakan sbg baja).

fosfin (Kim) gas mudah terbakar, tidak berwarna, larut sedikit dlm air, dan berbau busuk, digunakan sbg racun perosak.

fosfor (Fiz) cecair atau bahan hablur yg berpendar cahaya, dan digunakan dlm pembuatan lampu pendar fluor, televisyen, radar, tiub sinar katod, dll.

fosforus (Kim) unsur bukan logam yg berwarna kuning dan mudah terbakar (kelihatan berkilat-kilat dlm gelap) yg digunakan utk membuat racun tikus, baja, mancis, dll.

fosil tinggalan (sisa) jasad haiwan atau tumbuhan zaman purba (prasejarah) yg kini mengeras dan tertanam di dlm bumi (batuan dsb): *mengenal dan menghuraikan hal purba drpd keterangan ~ dan bukti lain;*

terfosil telah menjadi fosil: *rangka binatang yg ~.*

fotalgia (Ubat) rasa sakit yg kuat pd mata akibat pancaran cahaya.

foto 1. gambar yg diambil dgn kamera: *~ orang tuanya masih ada dlm simpanannya;* **2.** Id kamera;

memfoto mengambil gambar dgn kamera.

fotofit 1. gambar seseorang, biasanya yg dikehendaki polis, yg terhasil drpd cantuman beberapa potongan lukisan atau gambar foto yg menggambarkan wajah orang berkenaan; **2.** teknik atau kaedah menyediakan gambar spt **1.** di atas.

fotofobia perasaan takut atau tidak suka yg keterlaluan kpd cahaya (tempat yg sangat terang dsb).

fotogenik (fotogénik) menarik (cantik, manis, sesuai dsb) dlm gambar foto (bkn seseorang), makan gambar: *dia memang sangat ~ orangnya.*

fotograf gambar yg diambil dgn kamera, gambar foto.

fotografi seni, proses atau pekerjaan mengambil atau menghasilkan fotograf.

fotogravur **1.** proses mengecap gambar dgn menggunakan plat yg disediakan secara kaedah fotostat. **2.** cetakan yg terhasil drpd sesuatu plat.

fotokimia cabang kimia yg berkaitan dgn interaksi tenaga sinaran dgn proses-proses kimia.

fotokopi salinan fotografi bahan bertulis, bercetak, atau grafik;
memfotokopi menghasilkan fotokopi.

fotolisis (Bio) penguraian molekul oleh tindakan cahaya.

fotolitografi (Cetak) proses atau teknik mencetak litograf dgn menggunakan plat yg disediakan atau dibuat secara fotografi.

fotometer (fotométer) (Fiz) alat utk mengukur keamatan cahaya.

fotometri (fotométri) (Fiz) pengukuran keamatan cahaya.

fotomikrograf gambar foto sesuatu objek yg dibesarkan dgn menggunakan mikroskop.

fotomikrografi seni (proses) menghasilkan fotomikrograf.

fotomorfosis (Bio) perubahan struktur tumbuhan selepas terdedah pd cahaya yg kuat.

foton (Fiz) seunit kuantum sinaran elektromagnet yg merupakan zarah yg tidak berjisim dan yg tidak bercas.

fotopeka (fotopéka) fotosensitif.

fotosel (fotosél) peranti yg digunakan utk mengesan dan mengukur cahaya (dan sinaran elektromagnet lain) dgn menukarkan cahaya atau sinaran itu kpd arus elektrik.

fotosensitif (fotosénsitif) (Fiz) peka terhadap sinaran elektromagnet, terutamanya cahaya: *kertas* ~.

fotosintesis (Bio) sintesis sebatian organik drpd karbon dioksida dan air dgn menggunakan tenaga suria yg diserap oleh klorofil;

memfotosintesis menukarkan karbon dan air menjadi makanan melalui proses fotosintesis.

fotostat 1. mesin yg digunakan utk membuat salinan foto bahan-bahan bertulis (bercetak, grafik); **2.** salinan yg dibuat oleh fotostat; **memfotostat** membuat atau menghasilkan salinan (drpd bahan bertaip, bercetak, dsb) dgn menggunakan fotostat: *kita boleh ~ rencana yg terdapat pd sebuah majalah yg baru sahaja diterbitkan.*

fototaksis (Bio) pergerakan organisma sbg gerak balas terhadap cahaya.

fototerapi (fototérapi) (Ubat) perawatan penyakit dgn menggunakan cahaya, mis perawatan penyakit kuning pd bayi yg baru lahir.

fototipografi (Cetak) proses pencetakan yg melibatkan penggunaan fotografi.

fototopografi (Geog) proses menyediakan atau membuat peta topografi drpd gambar foto.

fototrof (Bio) organisma yg menggunakan cahaya suria sbg sumber tenaga utk mensintesis sebatian organik.

fototropisme (Bio) pergerakan tumbuhan yg berlaku sbg gerak balas terhadap rangsangan cahaya.

foya; berfoya-foya, foya-foya bersuka-suka, beria-ria, berpesta-pesta (dgn menghabiskan masa dan wang): *bekerja itu dapat membendung hawa nafsu ~ yg timbul jua sesekali dlm hatinya;*

kefoya-foyaan keadaan bersuka ria atau bersenang-senang: *pemerintahan tidak seharusnya berorientasikan kemewahan dan ~.*

foyer ruang legar: *pembayaran utk kad berkenaan sudah dibuat di ~ Dewan Syed Putra.*

fragmen (fragmén) bahagian drpd sesuatu (novel, lakonan, peristiwa, dll), petikan, penggalan: *ia hanya berhasrat memaparkan ~~~ drpd sesuatu peristiwa dan konflik.*

fraksi IB kelompok yg terdiri drpd beberapa wakil rakyat dlm parlimen (biasanya drpd satu parti).

fraktur (Ubat) patah (retak, pecah) tulang.

franc (frangk) (Perancis) unit mata wang yg standard bagi Perancis, Belgium, Switzerland, dan negara-negara yg bertutur dlm bahasa Perancis.

francais hak atau kebenaran istimewa yg diberikan (dgn syarat dan bayaran tertentu) oleh syarikat induk (pemilik) kpd pengusaha utk memasarkan sesuatu barangan atau perkhidmatan;

memfrancaiskan memberikan francais sesuatu barangan atau perkhidmatan kpd seseorang, syarikat dsb: *syarikat itu merancang utk ~ produk keluarannya kpd individu atau syarikat yg berminat.*

francaisi orang (syarikat, firma dsb) yg diberi francais, pemegang francais: *~ berpeluang menjalankan perniagaan dgn kaedah pengurusan yg terbukti kejayaannya; syarikat itu menawarkan peluang kpd mereka yg berminat menjadi ~ pasar raya mini ikannya.*

francaisor syarikat induk yg memberikan francais sesuatu barangan atau perkhidmatan kpd pengusaha: *~ itu benar-benar ingin melihat kejayaan semua francaisinya.*

frankfurter sj sosej salai yg dibuat drpd daging kisar, biasanya dihidangkan bersama-sama roti ban.

frasa kumpulan kata yg membentuk unit sintaksis sesuatu klausa.

fraseologi (fraséologi) (Lin) **1.** cara menggunakan kata atau frasa dlm tulisan atau lisan; **2.** ungkapan yg digunakan oleh orang atau kelompok tertentu spt nelayan atau pedagang.

fraud (Udg) pernyataan palsu yg dibuat utk mendapatkan faedah.

fraude IB penipuan, terutamanya dgn memalsukan sesuatu urusan supaya dapat menggelapkan wang dsb.

Freemason ahli pertubuhan rahsia (disebut *Free and Accepted Masons*) yg berikrar utk menjalinkan persaudaraan dan sikap saling membantu antara sesama ahli dan menggunakan lambang tertentu utk mengenali satu sama lain.

frekuensi (frékuensi) **1.** perihal berulang-ulang (sesuatu gejala dll), kekerapan: ~ *penggunaan kata tersebut dlm sistem korpus DBP adalah tinggi*; **2.** (Fiz) kadar getaran, ayunan, kitaran dsb yg berlaku pd setiap saat bagi sesuatu fenomena yg berkala, biasanya diukur dlm unit hertz: *rangkaian PCN beroperasi menggunakan ~ rendah 1800 MHz ke atas*;

~ *ambang* (Fiz) frekuensi cahaya yg paling rendah, yg dapat mencetuskan kesan fotoelektrik pd permukaan logam tertentu; ~ *audio* (Fiz) frekuensi yg dapat didengar oleh telinga manusia (dlm julat 20 - 20 000 hertz); ~ *radio* (Fiz) frekuensi yg digunakan utk komunikasi atau siaran radio (dlm julat 10 kilohertz - 300 000 megahertz); ~ *rendah* (Fiz) frekuensi, terutamanya frekuensi radio, dlm julat 30 - 300 kilohertz, dgn jarak gelombang 1 - 10 meter; ~ *tinggi* (Fiz) frekuensi, terutamanya frekuensi radio, dlm julat 3 - 30 megahertz, dgn jarak gelombang 10 - 100 meter;

berfrekuensi mempunyai atau menggunakan frekuensi: *penggunaan alat perhubungan ~ tinggi membolehkan mereka menghubungi kementerian atau polis.*

frenologi (frénologi) kajian tentang bentuk dan saiz tengkorak seseorang utk mengetahui perlakuan, kelakuan, kebolehan dsb.

Freon (fréon) kumpulan (jenama) sebatian yg digunakan sbg bahan penyejuk dlm peti sejuk dsb.

fresko (frésko) (S.Lukis) **1.** teknik membuat lukisan pd dinding atau siling yg diplaster, dgn menggunakan cat air sebelum plaster itu mengering; **2.** lukisan yg dihasilkan dgn teknik **1.** di atas.

fret (frét) (Muz) bilah penentu ruang nada pd alat muzik bertali, spt gitar dan mandolin, utk mengawal nada bunyi yg dihasilkan.

frigat kapal perang peronda laju yg sederhana besarnya (biasanya digunakan utk melindungi kapal-kapal lain).

frikatif (Lin) konsonan yg dihasilkan dgn bunyi geseran apabila udara dipaksa keluar melalui saluran udara yg sempit, mis penghasilan bunyi huruf *S*, *Z* dan *F*.

FRIM akronim bagi *Forest Research Institute Malaysia* (Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia).

friz (S.bina) jaluran reka bentuk, ukiran dsb yg terdapat di bahagian atas dinding.

fros (Geog) **1.** keadaan yg wujud apabila suhu permukaan bumi jatuh di bawah takat beku (0°C atau 32°F) sehingga terbentuknya hablur air yg halus-halus, ibun; **2.** hablur ais yg halus-halus berwarna putih yg melitupi permukaan tanah, objek dsb, yg terbentuk drpd embun atau wap air yg beku, terutamanya pd waktu malam, ibun beku;

berfros dilitupi atau diselaputi fros: *cermin tingkap rumahnya ~ kerana cuaca di luar sangat sejuk.*

frugivor (Bio) haiwan yg makanan utamanya terdiri drpd buah-buahan.

fruktosa gula yg terdapat di dlm madu dan buah-buahan.

fuad Ar hati, kalbu; ~ *al-zakiah* hati yg jernih (dipakai dlm surat dll).

fucuk tauhu kering yg nipis.

fulkrum (Fiz) suatu tempat (titik) pd palang, jasad dll (sbg pengimbang, penyokong dsb), sangga tuas.

fulus Ar **1.** kepingan wang tembaga; **2.** bp wang.

fundamental (fundaméntal) bersifat dasar, sangat penting, asas, pokok: *menaruh perhatian pd hubungan yg lebih ~ drpd hubungan yg banyak nampak pd kulitnya.*

fundamentalis (fundaméntalis) individu atau kumpulan, biasanya pergerakan keagamaan yg berjuang mengembalikan cara hidup yg asal menurut tuntutan agama.

fundamentalisme (fundaméntalisme) keakuan yg kuat terhadap sesuatu ajaran (tuntutan agama atau tuntutan beragama): ~ *Islam*.

fungisid racun kulat.

fungivor (Bio) haiwan yg makanan utamanya terdiri drpd kulat.

fungsi 1. tugas, jawatan: *kalau Pengarah sakit, Timbalan Pengarah menjalankan ~ Pengarah*; **2.** kerja (bahagian tubuh dll), tugas, peranan: *apakah ~ paru-paru dlm tubuh manusia?*;

berfungsi mempunyai fungsi, melaksanakan fungsi, bertugas: *JPM mesti selalu meninjau semula bidang ilmunya utk terus maju dan ~ kpd masyarakat*;

fungsian yg dilihat dr segi fungsi: *rangka rujukan teorinya yg bkn analisis ~ itu amat berkesan*.

fungsial yg mempunyai atau diberi tugas-tugas tertentu.

fungsialisme prinsip dlm seni bina, reka bentuk dsb yg menekankan bahawa bentuk sesuatu bangunan dsb hendaklah ditentukan oleh fungsi dan kegunaannya: *falsafah ~ boleh dikatakan berasal drpd ungkapan Louis Sullivan, yakni reka bentuk mengikut kegunaan*.

fungus kulat.

fuqaha Ar (jamak bagi faqih) orang yg ahli dlm ilmu fiqah: *kebanyakan ~ Islam mengatakan bahawa tidak gugur cerai orang yg mabuk*.

fur kep furlong.

furlong ukuran panjang yg bersamaan dgn 220 ela (1/8 batu atau 201 meter).

furqan Ar hal (benda) yg membezakan kebenaran drpd kepalsuan; *al-F~* nama lain bagi al-Quran.

furuk Ar persoalan cabang dlm kewajiban agama: *perbezaan pendapat tentang jumlah rakaat solat tarawih itu bukanlah mengenai ajaran pokok tetapi mengenai masalah ~.*

furun Ar dapur (tempat membakar roti dll).

fusi IB **1.** gabungan drpd beberapa pertubuhan (parti dll); **2.** campuran drpd larutan bermacam-macam benda yg menjadi satu.

fusili (ERT) sj mi Itali yg bentuknya berpintal-pintal.

fusta sl perahu (kapal); **pusta.**

futsal (Suk) sj permainan bola sepak yg terdiri drpd lima orang pemain sepasukan, yg gelanggangnya sebesar gelanggang bola keranjang.

futur Ar sarapan.

futuris individu atau golongan yg cenderung melihat impian dan pengertian masa depan melalui ciri-ciri kemajuan: *~ Islam mesti menjadi golongan yg setanding dgn pejuang Islam klasik.*

futurisme gerakan seni yg muncul di Itali pd tahun 1909 utk menggantikan nilai estetik tradisional dgn ciri yg menekankan penggunaan teknologi moden.

futuristik bkn idea yg mengarah (menuju) ke masa depan: *rancangan pembangunan itu haruslah lebih ~.*

g huruf ketujuh abjad Rumi.

G. kep Gunung: ~ *Kinabalu*; ~ *Tahan*.

ga huruf ke-26 abjad Jawi (mempunyai nilai 6000).

Ga simbol kimia bagi galium.

gaba-gaba Id **1.** perhiasan drpd daun-daun (terutamanya daun nyiur):

jalan menuju ke balai raya itu dihiasi dgn ~ drpd daun nyiur; 2.

pintu gerbang kehormatan yg dihiasi dgn daun nyiur dll; 3. atap

pondok drpd daun kabung atau rumbia;

menggaba-gabai menghiasi dgn gaba-gaba.

gabah I (butir) padi yg kulitnya belum terkupas, antah.

gabah II → **gegabah**.

gabai I Mn; **menggabai** menghulurkan tangan (utk mencapai sesuatu),

mencapai, menggapai; → **gapai**.

gabai II Kd sesuatu yg lebar dan rata (tapak kaki dll).

gabai-gabai Mn perhiasan sanggul yg dibuat drpd emas.

gabak I Mn buruk cuaca, mendung (alamat akan hujan), redup, suram;

hari ~ hari redup; ~ di hulu tanda akan hujan, cewang di langit

tanda akan panas prb tanda-tanda akan berlakunya sesuatu.

gabak II Jw penyakit campak.

gabal kasar (hasil pekerjaan dll), tidak halus buatannya; → **gabas I**.

gabardin sj kain yg kukuh dan agak tebal, yg digunakan terutamanya utk

membuat kot.

gabas I kasar buatannya, tidak kemas (pekerjaan dll); **gabal**.

gabas II Mn gopoh-gopoh, buru-buru, gesa-gesa;

menggabas menggesa-gesakan;

tergabas terburu-buru, tergesa-gesa, tergopoh-gopoh: *kerana*

takut, penuntut itu membuat pekerjaannya dgn ~.

gabas III Kl; **gabas-gabas** lebih kurang, secara kasar.

gabenor 1. gelaran yg tidak digunakan lagi bagi Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri (ketua negeri) Pulau Pinang dan Melaka; 2. ketua sesebuah negeri di Amerika Syarikat: ~ *California*; 3. orang yg dilantik (oleh raja dsb) utk menjadi ketua sesebuah negeri atau wilayah (biasanya tanah jajahan); ~ *jeneral* ketua pemerintah negeri jajahan (tertentu); 4. Id ketua pemerintah provinsi, penyelia, pengurus, ketua (yayasan, bank, dll); 5. orang yg mengetuai sesebuah organisasi atau institusi: *G~ Bank Negara Malaysia*.

gabir Mn canggung, kekok.

gableg Jw ark; *tidak* ~ tidak mempunyai.

gabra bp keadaan tidak tentu arah, kelam-kabut: *dia kelihatan ~ apabila dimarahi oleh ibunya*.

gabuih Kd; **menggabuih** menyapu (mengeringkan) dgn kain, mengelap.

gabuk I Jw 1. tidak berbuah, hampa (bkn padi dll); ~ *besar* tidak berisi tetapi besar; 2. tidak dapat beranak, mandul (bkn perempuan).

gabuk II Mn; **menggabuk** melingkungi (spt mega mendung), meliputi: *teman hidup ialah orang yg mengerti akan kepahitan hidup yg dihantarkan dan digabuk oleh kesusahan dr kecilnya*.

gabuk III Pn gemuk pendek, montok, montel.

gabung ikat, berkas: *tiga ~ tebu*;

bergabung 1. terikat dlm satu berkas, berikat: *batang-batang tebu yg ~*; 2. bersama-sama menjadi atau bertindak sbg satu kumpulan (golongan): *rakyat drpd berbagai-bagai kaum ~ utk menyuarakan ikrar kebangsaan*; 3. bercantum atau bersekutu (menjadi satu, segolongan, atau sekelompok), bersatu: *kalau parti tuan hendak berkuasa ada baiknya ~ dgn parti kami*;

menggabung 1. mengikat (beberapa batang tebu dll) menjadi satu, memberkas; 2. = **menggabungkan**;

menggabungkan 1. mengikat (mengumpulkan) menjadi satu (seberkas); 2. mencantumkan (menyekutukan) dlm satu kumpulan atau golongan yg lebih besar, menyatukan: *langkah-langkah yg diambil utk ~ badan-badan seni patutlah dipergiat lagi; ia mulai ~ semua perusahaan saudagar di bawah satu perbadanan; ~ diri dgn menyekutukan diri dgn, bersatu dgn, menyertai: orang-orang muda diminta ~ diri dgn angkatan bersenjata Malaysia;*

tergabung 1. terikat menjadi satu (seberkas), disatukan (dlm satu ikatan); 2. terikat (tercantum) dlm satu kumpulan (golongan) yg lebih besar;

gabungan 1. berkas, ikat(an): *lidi-lidi yg diikat ini agak besar ~nya;* 2. persatuan yg terjadi drpd ikatan (persekutuan) beberapa buah pertubuhan atau kesatuan: *G~ Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung;* 3. cantuman atau satuan yg terdiri drpd dua atau beberapa unsur dsb: *~ pemikiran antara ahli profesional drpd berbagai-bagai organisasi dan institusi;*

pergabungan perihal bergabung (bercantum atau bersekutu): *~ beberapa buah pertubuhan dan persatuan;*

penggabungan perihal atau perbuatan menggabungkan (supaya menjadi satu ikatan atau perkumpulan yg besar): *mesyuarat ~ badan-badan kesenian telah diadakan di Kuala Lumpur.*

gabung jalin; menggabungjalinkan menggabungkan (mencantumkan) dan menjalinkan: *di peringkat sekolah menengah, pengajaran bahasa Malaysia digabungjalinkan antara ketiga-tiga aspek, iaitu lisan, bacaan kefahaman, dan penulisan;*

penggabungjalinan perihal (perbuatan dsb) menggabungjalinkan: *guru-guru kurang pasti dgn konsep ~ spt yg disarankan dlm sukatan pelajaran; prinsip pedagogi spt ~ kemahiran bahasa dan penegasan terhadap penggunaan yg bermakna.*

gabus I 1. sl kayu ringan dan lembut drpd pokok *Alstonia scholaris* (digunakan sbg pengilir pisau, pengesat kaki, pelampung, dll); 2. penyumbat yg dibuat drpd gabus; *topi* ~ topi yg berlapis dgn gabus;

menggabus menggosok (mengilir dll) dgn kayu gabus: ~ *taji*;

penggabus penggosok, pengasah, pengilir.

gabus II sj ikan haruan, *Ophiocephalus striatus*; *telur* ~ sj penganan.

gad bp pengawal, penjaga.

gada pemukul yg bulat panjang (dibuat drpd kayu dll), belantan;

bergada berlawan dgn gada;

menggada memukul dgn gada;

penggada gada.

gada-gada sj bendera kecil di puncak tiang kapal (perahu dsb) utk mengetahui arah angin.

gadah; *sama* ~ sama besar (dr hujung ke pangkal).

gadai 1. pinjaman wang dgn menyerahkan barang sbg cagaran utk tempoh tertentu (kalau tidak ditebus dlm tempoh tersebut barang itu akan menjadi milik orang yg memberi pinjaman); ~ *gelap* gadai tanpa izin; 2. = *barang* ~ barang yg diserahkan sbg cagaran hutang; *menebus* ~ menebus barang yg menjadi cagaran hutang; *menjual* ~ menjual barang dgn syarat barang itu dapat ditebus dlm tempoh tertentu; (*kedai*) *pajak* ~ = *rumah* ~ tempat meminjam wang dgn menyerahkan sesuatu sbg cagaran; *surat* ~ surat yg menandakan hutang dgn cagaran barang; ~ *terdorong kpd Cina* prb terlanjur, tidak mungkin ditarik kembali;

bergadai mendapatkan pinjaman dgn memberi (menyerahkan) sesuatu cagaran: *dia sanggup* ~ *utk membiayai persekolahan anaknya*;

~ *golok (bergolok)* berikhtiar mendapatkan sesuatu dgn bergadai; ~ *nyawa* mempertaruhkan nyawa, meletakkan diri sendiri dlm keadaan yg boleh menyebabkan maut utk atau kerana seseorang atau sesuatu;

menggadai 1. Id menerima cagaran utk wang yg dipinjamkan; **2.** = **menggadaikan:** ~ *tanah*; ~ *nyawa* bergadai nyawa; ~ *terdorong ke pajak, sehari sebulan juga* prb sesuatu perbuatan yg terlanjur walaupun kecil akibatnya sama spt yg besar juga;

menggadaikan 1. menyerahkan sesuatu (tanah dll) sbg cagaran hutang: *keadaan hidupnya demikian terdesak hingga ia terdorong ~ harta bendanya*; **2.** menyerahkan atau meletakkan sesuatu dlm keadaan terancam atau sbg cagaran utk mendapatkan sesuatu faedah dsb, mempertaruhkan: *dia sedih raja ~ imannya*;

tergadai telah digadai; *orang* ~ orang yg menjadi jaminan hutang; *tercacak bagai lembing* ~ prb tertegun kehairanan;

gadaian barang yg tergadai;

penggadaian perihal (perbuatan) menggadai;

pegadaian rumah gadai, pajak gadai;

penggadai orang yg menjalankan pekerjaan menggadai.

gadai janji (Eko) 1. perjanjian peminjaman sejumlah wang drpd bank, syarikat kewangan dsb bagi membeli rumah atau harta benda dgn rumah atau harta benda yg berkenaan dijadikan cagaran; **2.** dokumen yg diberikan oleh peminjam kpd pemberi pinjam dlm bentuk lien kpd harta yg dijadikan cagaran terhadap pinjaman yg diberi sehinggalah pinjaman berkenaan dibayar semula; ~ *kedua* (Eko) gadai janji yg dibuat terhadap harta yg masih digadai janji dgn pihak lain; ~ *pertama* (Eko) gadai janji utama yg memberikan tuntutan pertama terhadap harta yg menjadi cagaran;

menggadai janji mencagarkan harta benda secara gadai janji kpd pemberi pinjaman (bank, syarikat kewangan dsb) utk mendapatkan pinjaman: *dia terpaksa ~ rumahnya kpd bank utk membiayai pelajaran anaknya di seberang laut;*

penggadai janji orang yg meminjam wang dan menggadai janji hartanya kpd pemberi pinjaman (bank, syarikat kewangan dsb) sbg cagaran.

gadamala sj tumbuhan (rizom), lengkuas, *Languas galanga*.

gadang I Mn besar;

menggadang bersikap angkuh (congkak).

gadang II Jk; **bergadang** berjaga sepanjang malam.

gadang III sj penampi (beras, kacang, dll) yg bulat dan besar, badang.

gadang-gadang sj ikan laut, tudung tempayan, tudung periuk, *Platax spp.*

gadi Pn sj kereta sorong.

gadik I Pn sebat;

bergadik bersebat, bercampur aduk: *diulinya tepung itu hingga ~ betul.*

gadik II Kl kental.

gading I 1. taring gajah: *keris berhulu ~*; **2.** = warna ~ warna putih kekuning-kuningan (spt warna gading); *aur (buluh, nyiur) ~ aur (buluh, nyiur) yg berwarna kekuning-kuningan*; **3.** sl sepasang pengapit yg mengiringi pengantin;

*~ pd gajah yg sudah keluar itu bolehkah dimasukkan pula? prb apa yg ditentukan tidak mungkin diubah lagi; **bagai tanduk bersendi** ~ prb sepasang yg elok dan padan; **pucuk leban** ~ gajah, **bekerja segan makan gagah** prb orang yg malas bekerja padahal ia tidak sakit; **spt** ~ **dilarik** prb rupa yg cantik dan bersih; **sudah dapat** ~ **bertuah, tanduk tidak berguna lagi** (terbuang tanduk kerbau mati)*

prb sebab mendapat yg baru, yg lama (atau kurang sempurna) dibuang; *tak ada ~ yg tak retak* prb tidak ada sesuatu yg betul-betul sempurna;

bergading mempunyai gading, memakai gading; *telah mati yg ~* prb telah meninggal orang yg berkuasa;

menggading **1.** menyerupai gading (nyiur yg baru tumbuh); **2.** menikam dgn gading.

gading II; ~ *betina* sj tumbuhan (pokok), *Aporosa aurea*; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok menumpang), *Eria teretifolia*; ~ *jantan* sj tumbuhan, (pokok kecil), ciapet, *Xanthophyllum affine*; ~ *tulang* sj tumbuhan (pokok), *Randia racemosa*; *seri ~* bunga yg ada sangkut-pautnya dgn taman asmara.

gading-gading I **1.** tulang rusuk pd lambung perahu; **2.** lingkaran pd roda.

gading-gading II **1.** sj tumbuhan (pokok), *Diplospora malaccense*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), *Greenia corymbosa*; **3.** sj tumbuhan (pokok), *Prismatomeris malayana*; ~ *rimba* sj tumbuhan (pokok renek), *Tarenna wallichii*.

gadis I **1.** anak perempuan yg sudah baligh (sudah boleh berkahwin), anak dara: *pemuda itu berasa gelisah kerana ditinggalkan berdua sahaja dgn seorang ~*; **2.** masih perawan, belum disetubuhi (dicemari laki-laki): *walaupun sudah lama bergaul mesra dgn laki-laki ia masih tetap ~*; *sudah hilang ~nya* bukan anak dara lagi; **3.** Id tidak pernah beranak atau bertelur (binatang), dara: *ayam ~*; *kuda ~*;

~ *besar* gadis yg berumur kira-kira 18 tahun; ~ *kecil* gadis muda yg berumur kira-kira 13 tahun; ~ *sunti* anak dara kecil yg belum baligh; ~ *tanggung* gadis yg sedang besarnya; ~ *tua* perawan yg sudah tua;

bagai ~ julung bersubang prb angkuh atau terlalu gembira (kerana mewah, keturunan diraja, dll); *bagai ~ julung menumbuk* prb rajin kerana baru sahaja mengerjakan sesuatu pekerjaan; *spt ~ sudah berlaki* prb anak dara yg kelakuannya kurang sopan (mencarut, mencuri, dll);

bergadis masih perawan; *tidak ~ tidak* perawan lagi;

menggadis masih tetap anak dara, belum mahu berkahwin;

kegadis perihal gadis, kedaraan, keperawanan: *meskipun digoda oleh pemuda sebaya, ~ mereka tetap terpelihara;*

kegadis-gadis bertingkah laku sbg gadis.

gadis II; *kayu ~ sj tumbuhan (pokok), Cinnamomum parthenoxylon.*

gado-gado Jw **1.** sj makanan drpd sayur-sayuran, tempe, tauhu dsb yg digaul dgn kuah kacang; **2.** campur baur, tidak teratur.

gadu; *~ gajah* sj tumbuhan (pokok), mentua pelanduk besar, sambau jangkang, *Trigonostemon longifolius.*

gaduh I 1. gempar, huru-hara, riuh-rendah (kerana pertengkaran, kerusuhan, dll): *petani-petani membuat ~ kerana kekurangan air di sawah*; **2.** pertengkaran, perkelahian; *membuat ~ a) bertengkar, berkelahi; b) membuat bising (gempar)*; **3.** selalu gelisah atau bimbang kerana sesuatu sebab, berasa tidak tenteram: *hampir setiap hari ia ~ sakit saja;*

bergaduh 1. berkelahi, bertengkar: *baiklah berhati-hati jangan sampai ~ dgn orang itu*; **2.** membuat gempar (bising): *orang sangat hairan melihat gadis-gadis ~ dgn sengitnya*; **3.** campur aduk, kusut, tidak keruan, sangat kacau: *kalau bangsa-bangsa dlm negeri mulai ~, sukarlah hendak menenteramkan mereka kembali;*

bergaduhan saling bergaduh: *kedua-dua puteranya ~ sebab merebut takhta Siak;*

menggaduhkan 1. = **menggaduh**, mengacau (kan), mengganggu:
orang Abong tiada lagi akan menggaduh anak buah perwatin; 2.
mengkuatirkan, merunsingkan: *perkara makanan tidak usah*
digaduhkan kerana saya akan sediakan sendiri;

kegaduhan perihal gaduh, kekacauan, kerusuhan;

pergaduhan perkelahian, pertengkaran, perbantahan, rusuhan.

gaduh II Kl terburu-buru, tergesa-gesa.

gaduh III Kd bersusah payah: *tak usah ~.*

gaduk Mn angkuh, congkak, sombong;

bergaduk berlagak, menyombongkan diri; *~-gaduk diri, saku-saku*
diterbangkan angin prb orang yg suka bercakap sombong tetapi
poket kosong;

menggaduk menyombong;

menggaduki menyombong kpd.

gadung I sj tumbuhan liar (pokok melilit, umbinya mengandungi racun,
tetapi kalau direndam dlm air atau dibancuh dgn abu basah, boleh
dimakan), *Dioscorea hispida*;

hijau ~ hijau muda (spt warna daun gadung); *mabuk ~ a)* mabuk
kerana makan gadung; *b)* gila berahi;

~ cina sj tumbuhan (pokok memanjat), *Smilax cina*; *~ jantan =*

akar ~ tikus sj tumbuhan (pokok memanjat), canar babi, *Smilax*

helferi; *~ kasturi* sj anggerik (orkid), *Epidendrum spp.*; *~ lilin = ~*

mabuk sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dioscorea hispida*; *~*

samak sj tumbuhan (pokok memanjat), *Vitis cinnamomea*; *~*

seberang sj tumbuhan (pokok memanjat), *Smilax helferi*.

gadung II Jw; **gadungan** tiruan, jadian, palsu;

harimau ~ = macan ~ harimau jadian (manusia yg menjelma sbg
harimau); *wartawan ~ wartawan palsu.*

gae (gaé) Mn tua; *orang ~ orang tua.*

gaek (gaék) Jk sangat tua.

gaet (gaét) Jk kait;

menggaet **1.** mengait; **2.** ki menipu (wang), memperdayakan (utk mencari keuntungan).

GAFIM akronim bagi Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia.

gaga Jw huma, ladang padi: *padi ~ padi huma*.

gagah **1.** kuat, mempunyai tenaga, bertenaga: *datuknya sudah pun tua tapi masih ~ mengayuh basikal*; **2.** berani, perkasa: *perajurit yg ~ berani menemui ajalnya di medan perang*; ~ berani (perkasa) sangat berani; **3.** besar dan tegap (badan), begap: *gadis itu tidak jemu-jemu melihat pemuda yg ~ di sampingnya*; **4.** bangga, megah: *dia berasa ~ dapat masuk ke universiti*;

bergagah-gagahan **1.** mengadu kekuatan; **2.** beradu megah;

menggagah **1.** mengerjakan sesuatu dgn sepenuh tenaga; **2.** = ~ pinggang bersikap gagah dgn bercekak pinggang;

menggagahi **1.** memaksa, mengerasi, menguasai: *kubu pertahanan itu dapat digagahi musuh*; **2.** memperkosa, merogol: *dia dihukum kerana ~ seorang gadis*;

menggagahkan membuat gagah (berani, kuat, dll), memberanikan, memaksakan; ~ diri, = ~ hati memberanikan diri;

kegagahan perihal gagah: *dlm ingatanku tergambar keperwiraan dan ~ Hang Tuah*; *pintu gerbang di depan menambahkan ~ bangunan itu*.

gagai; **menggagai** memanjat (pokok dll) dgn cara memeluknya dgn kaki dan tangan.

gagak **1.** sj burung dendang berbulu hitam berkilat dan berbunyi garuk; ~ paruh besar, *Corvus macrorhynchos*; ~ hutan = ~ paruh rampai, *Corvus enca*; **2.** = ~ gunung sj burung, *Cissa chinensis*; **3.** = ~ paruh emas sj burung, *Urocissa flavirostris*;

~ *bersuara murai* prb seorang yg hodoh rupanya tetapi mempunyai suara merdu dan budi bahasa yg baik; ~ *lalu punggur rebah* prb orang yg ingin menunjukkan kuasanya (berlaku tidak adil kpd yg lemah); *ketika ~ putih bangau hitam* prb pd zaman dahulukala; *selama hitam ~, selama air mengalir jua* prb kekal abadi (selama-lamanya); *spt burung ~ pulang ke benua* prb walaupun sudah merantau tidak berubah keadaannya.

gagal tidak berhasil atau berjaya, tidak (dapat) mencapai matlamat (cita-cita dsb yg dikehendaki) tidak jadi, kecewa: *usaha-usaha utk menamatkan konfrontasi ~ belaka; ~ dlm peperiksaan;*

menggagalkan menjadikan tidak berhasil, mengecewakan: *rundingan-rundingan ke arah perdamaian digagalkan;*

tergagal tidak berhasil atau berjaya: *kalau tidak tahu tempatnya, perjalanan kita mungkin ~;*

kegagalan perihal gagal.

gagang 1. tangkai (bunga, gayung, dll), hulu (keris, tombak, dll); **2.** Mn pucuk ranting atau batang pokok yg melata (melilit), sulur; ~ *pena* batang pena; ~ *senapang (telefon)* pemegang senapang ~ *telefon* pemegang telefon; *spt sirih pulang ke ~nya* prb orang yg kembali kpd asalnya;

menggagang mempunyai sulur.

gagap I = menggagap tertahan-tahan atau terhenti-henti apabila bercakap (mis *m-m-ma-malam* utk *malam*); *orang ~* orang yg bertutur tertahan-tahan;

bergagap-gagap bercakap dgn tertahan-tahan;

tergagap-gagap terhenti-henti (percakapan), tergagak-gagak: *dgn suara yg ~, Rahim menceritakan riwayat hidupnya;*

kegagapan perihal (sifat atau keadaan) gagap: *tahap ~ berbeza antara seseorang dgn seseorang yg lain bergantung pd keadaan tekanan sosial yg dihadapinya.*

gagap II Jk mencari sesuatu dgn meraba-raba (dlm gelap), menggagau(-gagau).

gagar Kl cari, raba, geladah;

menggagar meraba-raba, merayau.

gagas; menggagas memikirkan sesuatu;

gagasan buah fikiran yg dijadikan saranan, idea: *kerajaan diminta menjayakan ~ Maphilindo; dasar ini merupakan satu ~ umum mengenai segala aspek keterlibatan belia dlm masyarakat.*

gagau I; menggagau meraba-raba (dlm gelap dll), mencari sesuatu dgn meraba-raba: *orang buta itu ~ laci meja;*

tergagau-gagau meraba-raba (kerana buta, gelap, dll).

gagau II Mn; bergagauan berteriak-teriak dgn tidak menentu;

segagau serupa gagaunya, sama-sama tidak menentu: *kini, yg ~ dengannya cuma seorang sahaja;*

tergagau berteriak dgn tiba-tiba (kerana takut dll).

gagu Jk bisu;

menggagu membisu.

gaguk; tergaguk-gaguk tertahan-tahan kata-katanya, tergagap-gagap.

gah sl **1.** kemasyhuran, kemuliaan: *maka masyhurlah ~nya merata negeri;* **2.** keangkuhan, kebanggaan; *~ dan takbur kesombongan;* **3.** ki, bp menjadi buah pertuturan orang, termasyhur: *maka ~lah ke seluruh dunia akan kehandalan pahlawan itu;* **4.** kelihatan hebat: *syarikat pengilangan yg ~ dr segi fizikalnya.*

gaham I Mn gertak(an), ugutan;

menggaham menakutkan, mengancam, menggertak.

gaham II; ~ *badak* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Euphorbiaceae, gelugur hutan, medang lempung, gangulang (di Sabah), merbulan (di Sarawak), *Blumeodendron spp.*

gahar; menggahar 1. menggonyoh, menggosok kuat-kuat (supaya bersih); **2.** Kl berkelahi mati-matian.

gahara keturunan raja yg lahir drpd permaisuri; *anak* ~ anak raja drpd permaisuri; *sama* ~ keturunan yg sederajat.

gahari tidak kurang dan tidak lebih, sedang; → **ugahari.**

gaharu kayu yg harum (berasal drpd pokok tengkaras, *Aquilaria malaccensis*); ~ *badak* sj tumbuhan (pokok renek), gembadak, sepucat, *Phyllochlamys wallichii*;
~ *dibakar kemenyan berbau* prb orang yg menunjukkan kelebihannya supaya dipercayai orang; *spt buku* ~ prb memperlihatkan kecekapan apabila tiba masanya; *sudah* ~ *cendana pula (sudah tahu bertanya pula)* prb orang yg berlagak tidak tahu.

gai sj tali pd perahu (utk menguatkan tiang perahu).

gail I; *gual* -~; → **gual.**

gail II; **tergail** kena kail, terpancing.

gaing kayu runcing yg dipasang pd dasar perahu (di haluan atau buritan).

gait = **penggait** = **gaitan** benda yg berlekok pd hujungnya utk menarik sesuatu, kait atau pengait;

menggait 1. menarik buah (perahu dll) supaya dekat, mengait: *hendak dipanjat kerengga, mahu pula digait galah tidak sampai;*

2. mengambil wang orang dgn menipu, mencopet: *tujuannya memang hendak* ~ *saku saya.*

gajah 1. sj mamalia dlm famili Elephantidae (berbadan besar dan mempunyai belalai dan gading); ~ *Asia* = ~ *India*, *Elephas maximus*; ~ *Afrika*, *Loxodonta afrikana*; *ilmu (hikmat, mantera)* ~ mantera yg menjadikan gajah jinak; **2.** buah catur yg jalannya

menyerong; **3.** sesuatu yg besar; *badak* ~ badak yg besar; *nyamuk* ~ nyamuk yg besar;

~ *bara* gajah hitam; ~ *barat* permainan utk kanak-kanak; ~ *guling* perhiasan sanggul dgn dua untai bunga melati; ~ *lalang* gajah yg sudah jinak (tidak liar); ~ *laut* sj anjing laut, *Mirounga spp.*; ~ *menung* a) binatang yg besar (terutamanya dlm cerita); b) sj usungan berbentuk ikan laut utk pengantin; ~ *menyusu* atap tambahan atau yg disambung pd rumah, sengkup; ~ *mina* a) walrus; b) sj perhiasan (makara); ~ *patah* permainan teka-teki; ~ *tunggal* gajah yg tidak bersama-sama kawannya (sangat liar); *spt* ~ *putih* sesuatu yg mahal tetapi tidak berguna: *kebanyakan perbadanan awam adalah spt ~ putih di bumi Afrika*;

~ *berak besar*, *kancil hendak berak besar juga*, *akhirnya kebebangan juga* prb orang miskin menderita kerana mencontohi kehidupan orang kaya; ~ *dialahkan oleh pelanduk* prb orang berkuasa dapat dikalahkan oleh orang lemah; ~ *dipandang spt kuman* prb orang yg naik marah tidak gentar menentang orang besar mahupun lawannya; ~ *ditelan ular lidi* = ~ *mati dicatuk katak* prb anak golongan raja diperisterikan oleh orang kebanyakan; ~ *lalu dibeli, kusa tidak terbeli* prb mengerjakan sesuatu yg mustahak dgn tidak menghiraukan perkara-perkara kecil yg tidak kurang pentingnya bagi menjayakan pekerjaan tadi; ~ *mati kerana gadingnya* prb seseorang mendapat kemalangan kerana keunggulannya; ~ *mati meninggalkan tulang* prb jasa baik seseorang yg mati dikenang juga; ~ *mati tulang setimbun* prb orang kaya mati meninggalkan banyak hartanya; ~ *seekor gembala dua* prb a) seorang perempuan yg menduakan suaminya; b) dua orang memimpin satu pekerjaan; ~ *sama ~ berjuang pelanduk mati di tengah-tengah* = ~ *bergajah-gajah pelanduk mati tersepit* prb

kalau orang besar-besar yg berselisih, rakyat yg mendapat susah; ~ *turun di tengah rumah* prb menanggung kesusahan kerana menerima kedatangan tamu agung (orang besar); *bangkai* ~ *bolehkah ditutup dgn nyiru = spt ditempuh* ~ *lalu* prb kejadian yg besar tidak dapat disembunyikan; *spt* ~ *masuk kampung* prb seseorang yg melakukan sesuatu sekehendak hatinya; *spt* ~ *putih ditambat* prb seseorang yg merugikan kita kerana menanggung sara hidupnya; *spt* ~ *rompong belalai* prb raja yg kehilangan kuasanya;

menggajah tampak spt gajah, kelihatan besar;

gajah-gajahan 1. = *main* ~ main catur; **2.** = *sakit* ~ penyakit yg menyebabkan kaki menjadi bengkok, untut;

bergajah menaiki gajah: *bala tentera* ~.

gajai Mn; **menggajai** melepaskan;

tergajai terlepas, tidak terikat lagi, tidak ada sangkut-pautnya: *pd suatu waktu sangkutan hatinya* ~ *dan ia benci melihat anak muda yg pandai bercakap itu.*

gajak sikap dan langkah, tingkah laku, gerak-geri.

gaji upah yg tetap, bayaran yg tetap utk pekerjaan;

hari ~ hari pembayaran gaji; *makan* ~ bekerja utk mendapat gaji; *orang* ~ pembantu rumah tangga yg diberi gaji, pembantu rumah, amah; ~ *bulan (minggu, hari)* upah kerja yg dibayar setiap bulan (minggu, hari); ~ *buta* gaji yg diterima tanpa bekerja (keras); ~ *mati* gaji yg telah mencapai tahap terakhir (maksimum) dlm tangga gaji seseorang pekerja: *sbg pemimpin persatuan, dia ingin melihat pekerja sektor perkilangan mendapat* ~ *mati lebih drpd RM1000 sebulan*; ~ *pokok* gaji yg menjadi dasar dgn tiada tambahan elaun dsb;

bergaji mendapat gaji: ~ *besar*;

menggaji memberi (membayar) gaji, mengambil sbg pekerja: *ia ~ penolongnya sangat rendah; orang-orang Cina lebih suka mengambil saudara-saudara mereka bekerja drpd ~ orang luar;*

gajian; *orang ~ a) hamba, bujang, babu; b) orang pinjaman atau sewaan (dgn kontrak dll); hari ~ hari gaji;*

penggajian urusan menggaji: *majikan perlu mengemukakan permohonan kpd Urusetia P~ Pekerja Asing di kementerian itu.*

gajih Jw lemak.

gajul ark Id orang yg tidak baik tingkah lakunya, bergajul;

pergajulan bp penjahat.

gajus sj tumbuhan (pokok yg buahnya berbiji di luar), jambu golok, jambu ketereh, jambu monyet, kajus, janggus, *Anacardium occidentale*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), belonggok, *Alseodaphne penduncularis*.

gak I bunyi burung gagak.

gak II Jk tidak, enggak.

gak III Kl tempat membakar roti atau bata.

gala I sj damar;

gala-gala, gegala pakal yg dibuat drpd damar dll; ~ *lembut* minyak tar;

bergala direkat dgn gala; *tiada ~ lagi a) bercerai-cerai (tulang dll), tidak terikat erat; b) sl sangat berlebih-lebihan.*

gala II; segala-gala seluruhnya, semuanya.

gala-gala I Mn kelulut, tebuan kecil.

gala-gala II bp gara-gara.

galaba, galabah ark pilu, duka, sedih.

galagasi Jk labah-labah.

galah 1. kayu panjang (utk menjolok buah-buahan, menolak sampan, dll); **2.** sj tombak atau lembing pemburu babi hutan; ~ *canggih*

galah yg bercabang hujungnya; ~ *jemur* kayu yg dipasang melintang antara dua tiang dgn pacakan beberapa batang paku padanya, digunakan sbg tempat menyangkut, meregangkan, dan menjemur kain; ~ *pancang (unjam)* galah yg ditancapkan utk menambat perahu; (*main*) ~ *panjang* permainan kanak-kanak (dgn membuat petak-petak atau garis-garis di tanah); ~ *sanggamara* galah yg berkait utk menolak atau meraih perahu;

bagai ~ *dijual* prb Mn sudah habis hartanya (kerana berjudi dll);
bagai ~ *di tengah arus* prb a) sangat gementar; b) sentiasa gelisah (berkeluh-kesah dll);

bergalah menggunakan galah, menjalankan perahu (rakit dsb) dgn memakai galah; *segan* ~ *hanyut serantau* prb kalau malas berusaha tentu mengalami kerugian besar dlm kehidupan;

menggalah amat tinggi: *tinggi* ~;

menggalah(kan) menolak (sampan) dgn memakai galah;

sepenggalah sepanjang atau setinggi galah; *matahari* ~ *tingginya* lebih kurang pukul 7 pagi hingga 8 pagi.

galai I sl sj kapal; → **ghali**.

galai II sj tumbuhan (pokok), *Goniothalamus tapis*.

galak I 1. berangas, ganas, garang, suka melawan: *anjing yg* ~; **2.** kuat dan memuncak (bkn tangisan): *ngongoi Mak Esah semakin* ~ *jadinya*; **3.** tidak berhenti dan giat (melakukan sesuatu), sangat giat (aktif): *kameranya* ~ *merakam*; *kegiatan kongsi gelap tidak se~dulu*; **4.** Kl gembira, ria; **5.** Kd, Pn mempunyai sifat-sifat tidak bermalu (bkn lelaki suka mengusik perempuan dsb, bkn perempuan suka bergaul bebas dgn lelaki dsb), gatal;

menggalak menjadi galak (berangas, ganas, dll), menjadi sangat marah (berani dsb);

menggalakkan 1. membangkitkan marah: ~ *ayam sabungan*; **2.** memberi semangat, memberi dorongan: *tunangannya ~ dia melanjutkan pelajarannya*;

galakan dorongan, desakan: *ia memberi ~ kpd belia supaya menjadi ahli sukan*;

penggalakan perihal atau perbuatan menggalakkan: *mereka membincangkan ~ industri kecil*;

penggalak orang yg menggalakkan (memberi semangat, mendorong): *raja-raja menjadi penaung, ~ dan peminat bahasa dan kesusasteraan*; ~ akar bahan kimia utk membanyakkan akar.

galak II; penggalak ubat bedil dlm persumbuan meriam lama (senapang dll).

galak III kerap; ~ *kali* kerap kali.

galaksi gugusan bintang yg terpisah jauh dr satu sama lain dlm alam semesta: *bintang itu pula berkelompok-kelompok membentuk kumpulan yg dinamakan ~*.

galaktosa (Kim) gula ringkas yg kurang larut dan kurang manis drpd glukosa.

galang I benda melintang utk landasan (penunjang, penopang, dll);

~ *dapur* a) papan di sekeliling tempat memasak; b) sj tumbuhan, gading; ~ *ganti* pengganti; ~ *geta* Kd gelegar; ~ *kepala* bantal (kepala); ~ *perahu* balak utk menyangga perahu;

bergalang 1. menggunakan galang (bantal, landasan, dll); ~ *tanah* berbantal tanah; **2.** berada di atas galang, sedang disangga (ditopang) dgn galang;

menggalang 1. diberi galang (landasan, ganjal, dll), menyokong, menunjang: ~ *kepala dgn bantal*; ~ *perahu*; **2.** Id memperkuat, memperkukuh (negara, pertubuhan, dll): *menyumbangkan tenaga*

dan fikiran utk ~ parti sendiri; **3.** menghalang: barang kehendaknya tidak pernah digalang melainkan diturutkan sahaja;

menggalangkan 1. membuat sesuatu sbg galang: ~ paha di bawah kepala orang sakit; ~ batang leher ki sanggup berkorban; **2.** meletakkan (perahu dsb) di atas galang: sampan yg bocor itu akan digalangkan;

tergalang 1. digalang, berganjak; kapal ~ kapal yg terletak di atas galang; lidah ~ ki tidak dapat bertutur lagi (menyanggupi permintaan dll); **2.** terhalang, tersekat;

galangan 1. tempat memperbaiki kapal di darat, landasan; **2.** halangan, sekatan: ketiadaan wang adalah satu ~ yg besar utk meneruskan pelajaranku; **3.** = galang-galangan permatang sawah;

penggalang sesuatu yg digunakan utk menggalang, perintang.

galang II sj tumbuhan (herba), *Spilanthes acmella*; ~ dapur sj tumbuhan (pokok), *Vitex longisepala*; ~ hutan sj tumbuhan (pokok), *Goniothalamus giganteus*.

galanggasi Jk → galagasi.

galar Jw pelupuh yg digunakan sbg tikar.

galas 1. kayu yg dipikul di bahu utk mengandar (mengangkat, membawa) barang-barang, kandar, pengandar, gandar; **2.** beban yg dikandar dgn galas (kayu); **3.** barang jualan yg dijajakan dgn cara berkandar; ~ habis senggulung tandas, lamun dihitung rugi jua prb pekerjaan yg tidak menguntungkan; ~ terdorong kpd Cina prb sudah terlanjur dan tidak dapat ditarik balik; *bagai menyandang ~ tiga berat tak berapa rintangnya yg lebih* prb pekerjaan yg senang tetapi susah hendak melakukannya; *dilihat ~ berlaba, dihitung pokok termakan* prb zahirnya untung tetapi sebenarnya rugi; *sambil menyerodok (menyorok) ~ lalu* prb sambil bersenang-senang tercapai juga cita-cita (keuntungan dll);

menggalas **1.** memikul barang-barang dgn galas (kandar), mengandar; **2.** menyandang (bungkusan dll) di atas bahu, memikul: *ia ~ sebuah bungkusan dan tangannya membimbit beg*; **3.** menjajakan barang dagangan; *orang ~ penjaja*; **4.** ki memikul atau menanggung (tanggungjawab, masalah, dsb): *dia pulang ke rumah panjang ~ masalah di bahunya*;

penggalasan **1.** perihal menggalas, perdagangan; **2.** tempat berdagang;

penggalas penjaja, pedagang kecil.

galau kebisingan, kekacauan;

bergalau terlalu ramai dan sibuk, kacau-bilau: *bunyi suara orang ~ datang dr arah belakang rumah; tiada sesuatu pun dapat dikatakannya walaupun di dlm dadanya bergelora perasaan yg ~ dan bergolak*;

~ orang di pasar sangat ramai; fikirannya ~ fikirannya keliru;

kegalauan **1.** kebisingan, kekalutan: *tatkala berhadapan dgn ~, berkidung-kidunglah agar sukmanya tenteram*; **2.** kekeliruan: *~ fikiran*.

galei (galéi) = *pruf* ~ (Cetak) *pruf* cetakan pd kertas panjang utk diteliti dan dibuat pembetulan sebelum dipotong-potong mengikut ukuran muka surat yg dikehendaki.

galena (galéna) (Geo) sj mineral berwarna kelabu yg merupakan sumber utama plumbum.

galengan Jw permatang sawah; → **galang I**.

galeri bangunan atau bilik tempat mempamerkan karya-karya seni dsb: *satu pameran telah diadakan di sebuah ~ seni dan sejarah*.

galgal terburu-buru dan kasar (bkn kelakuan, pekerjaan, dll), lekas marah: *orang yg ~*.

gali I; **bergali** Ph = **menggali** mengorek (kubur);

menggali 1. membuat lubang dlm tanah dgn menggunakan alat, mesin, dll (utk mendapat air, menanam, mengambil sesuatu dr dlm tanah, dll), mengorek, menambang; ~ *kubur (longkang, lubang, dll)* membuat kubur (longkang, lubang, dll) dgn menggali tanah; ~ *ubi (emas dll)* mengeluarkan atau mengambil ubi dll dr dlm tanah;

2. ki menyelidiki, mendalami: *mereka merasakan perlunya ~ kembali kekayaan hukum adat nenek moyangnya; menjadi idaman A. Samad Said bukannya utk memfokuskan mengapa hal-hal itu terjadi, tetapi cuba ~ sikap dan tindakan manusia;*

~ *lubang menutup lubang* prb menebus hutang dgn meminjam wang; *nan digali dalam, nan digantungkan tinggi* prb yg sudah dirundingkan matang-matang mendapat persetujuan;

galian bahan yg dikeluarkan dr tanah dgn menggali: *tanah ini tidak mengandung biji atau ~ yg lain; bahan ~ hasil lombong;*

gali-galian bermacam-macam hasil lombong, bermacam-macam hasil tanaman yg digali;

penggalian perihal (perbuatan, kerja, dsb) menggali: ~ *kesan-kesan lama;*

penggali 1. orang yg menggali (membuat) lubang; **2.** alat utk menggali (spt tembilang dll); *diam ~ berkarat* prb pengetahuan yg tidak dipakai akan hilang.

gali II sj kapal yg digerakkan oleh dayung atau layar yg digunakan pd zaman dahulu atau pd zaman pertengahan sbg kapal perang atau kapal dagang.

galias sj gali besar yg digunakan sbg kapal perang di laut Mediterranean dr kurun ke-15 hingga ke-18.

galibut sj perahu (gali yg kecil), jalibut.

galik I Kl suka, gembira.

galik II; *golak* -- berputar balik, berbalik-balik.

galing = **galing-galing** Jw sj tumbuhan (herba), kepialu, *Vitis trifolia*.

galir 1. longgar kerana haus (bkn kunci, skru), tidak sendat: *mesin ini tidak berjalan betul kerana skrunya sudah ~*; **2.** ki fasih, lancar (bercakap), cepat bergerak.

galium (Kim) sj unsur logam bersimbol Ga yg diekstrak drpd bauksit atau bijih zink, biasanya digunakan utk membuat aloi yg digunakan dlm termometer suhu tinggi, dan utk membuat sebatian yg digunakan sbg semikonduktor.

galon Id gelen.

galu-galu Mn padi yg hampir masak (baik utk dibuat emping).

galuh 1. sl perak; **2.** permata (intan) sbg sebutan utk puteri raja.

galuk → **geluk**.

galur alur; *susur*~ salasilah, asal usul;

bergalur-galur beralur-alur, berjalur-jalur;

menggalur mencari punca atau asal: *makna yg boleh digalur drpd falsafah mistik dlm Islam*;

menggalur-galur memeriksa, mengusut (hingga kpd asalnya);

menggalurkan menguraikan sampai kpd asalnya;

penggaluran perihal menggalurkan.

galut Pr selalu.

galvani; *besi* ~ besi yg disalut dgn lapisan zink supaya tahan karat;

menggalvani menyalut besi (keluli dsb) dgn lapisan zink utk melindunginya drpd berkarat: *proses ~ kepingan besi*;

penggalvanian proses atau perbuatan menggalvani.

galvanometer (galvanométer) (Fiz) alat utk mengesan atau mengukur arus elektrik.

gam I degam (bunyi meriam dll).

gam II Kd tiba-tiba, dgn serta-merta.

gam III bahan perekat yg diperoleh drpd damar;

bergam dilekatkan (dicantumkan, disapu dsb) dgn gam: *kertas dinding itu sudah ~;*

mengagam menghalang sesuatu atau seseorang drpd bergerak, bergiat, dsb: *sesetengah artis telah digam;*

mengagamkan melekatkan atau memperekatkan dgn gam.

gama huruf ketiga dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Γ, γ.

gamak 1. agak, kira, sangka: *ini tuan puteri ~nya; tidak ~* tidak ragu-ragu; **2.** sanggup, sampai hati: *sampai ~ ia menipu aku; ~-~ spt orang menyambal* prb membuat keputusan tentang perbuatan dll dgn diagak-agak saja;

menggamak-gamak 1. memegang-megang utk mengagak besar (berat) sesuatu, mengagak-agak: *digamak-gamaknya benda itu lalu ia membayar harganya;* **2.** memegang-megang utk mengancam, mengacu-acu (senjata dll): *~ hulu keris;*

tergamak sampai hati, sanggup, teragak: *masakan ~ ia membiarkan seorang drpd ahli keluarganya itu diseksa Jepun; tidak ~* a) tidak teragak, tidak terkira; b) tidak ragu-ragu, tidak teragak-agak; c) tidak sampai hati, tidak sanggup: *barangkali Ismail tidak ~ melihat Jamilah, sepupunya itu menangis.*

gamaka (Muz) bunga lagu dlm muzik India.

gamam 1. tidak dapat berbuat apa-apa kerana terkejut dll: *dia menjadi ~;*

2. = **tergamam** gelisah, ragu-ragu: *dia menegur dgn suara ~;*

tergamam menjadi gamam, terkejut dan tidak dapat berbuat apa-apa, terpegun,: *dia tidak dapat membuat apa-apa kerana ~;*

kegamaman dlm keadaan gamam.

gaman Jw ark senjata.

gamang 1. takut melihat ke bawah dr tempat yg tinggi, gayat: *sungguh ~lah ketika melihat jurang yg amat dalam itu;* **2.** = **tergamang** berasa sepi: *ia ~ sepeninggalan ibunya;*

penggamang orang yg lekas gamang, penggayat; *orang ~ mati jatuh, orang pendingin mati hanyut* prb Mn orang yg takut-takut tidak akan mencapai kehendaknya.

gamat I bising, riuh-rendah: *Dewan Rakyat ~ dgn gelak ketawa hari ini;*

menggamatkan menyebabkan gamat pd telinga, membisingkan, memekakkan: *pekik sorak ~ suasana;*

kegamatan keadaan gamat, kebisingan: *~ kelas reda secara mendadak.*

gamat II sj binatang laut spt teripang tetapi lebih pendek dan lebih kurus (biasanya hidup di celah-celah atau di bawah batu, dan digunakan utk mengubati penyakit luka dalam akibat jatuh, bersalin, dsb), *Holothuria spp.;*

air ~ air drpd gamat yg diawetkan; ibu ~ gamat yg diawet atau disimpan sehingga menjadi kecut dan mengeluarkan air.

gamat III ark; **bergamat** berlagu, bernyanyi;

menggamat; *~ lagu* melagukan.

gamat IV; *kayu ~ kayu keramat yg dipakai sbg cap kerajaan.*

gamat V; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), Pterisanthes cissoides.*

gamba; *~ putih sj tumbuhan (pokok memanjat), Cardiopteris lobata.*

gambang I sj alat muzik (dibuat drpd bilah-bilah kayu atau gangsa yg panjangnya tidak serupa); *~ keromong gamelan khas Betawi untuk mengiringi drama rakyat Betawi.*

gambang II; *balai ~;* → **balai I.**

gambar 1. lukisan, foto; *tukang (pandai) ~ orang yg kerjanya mengambil gambar, jurugambar; kantur ~ Id pejabat tempat membuat gambar peta; 2.* tiruan sesuatu benda yg dibuat dgn menggunakan kamera, foto; **3.** sl patung;

~ angan-angan gambar yg dikhayalkan; ~ bagan gambar yg dibuat dgn garis-garis dan menunjukkan bahagian penting sahaja, lakar; ~

bumi peta bumi; ~ *cermin* Id bayangan pd cermin; ~ *denah* gambar bagan; ~ *ejekan (sindiran)* gambar orang yg dibuat ganjil dgn sengaja sbg sindiran; ~ *hidup* = *wayang* ~ = *komidi* ~ wayang gelap, gambar bergerak yg ditayangkan; ~ *mati* = ~ *sorot* wayang gelap yg tidak bergerak; ~ *sisip* = ~ *selit* kepingan lut sinar yg diberi bergambar utk ditayangkan pd tirai; ~ *tempel* Id a) gambar yg dilekatkan pd kertas (kad, kain, dll); b) gambar iklan yg dilekatkan pd tembok dll; ~ *timbul* gambar yg dibuat timbul pd batu dll;

bergambar **1.** mempunyai gambar, dihiasi dgn gambar: *buku bacaan* ~; *kad* ~; **2.** mengambil gambar dgn kamera: *para pelancong* ~ *di depan bangunan Parlimen*;

menggambar melukis (membuat) gambar : *ia suka* ~ *pemandangan*;

menggambari memberi bergambar, menghiasi dgn gambar: *kertas minyak digambari rangka-rangka bangunan*;

menggambarkan **1.** membuat gambar utk: *guru* ~ *muridnya seekor singa*; **2.** melukiskan, membayangkan: *lukisan ini* ~ *penderitaan rakyat yg miskin; dapat digambarkannya bagaimana rakan-rakannya pd hari itu bersuka ria*; **3.** mengisahkan atau membayangkan sesuatu keadaan dsb: *pepatah ini* ~ *satu hakikat yg tidak boleh dinafikan dlm kehidupan sehari-hari*;

tergambar terbayang, terlukis: *dlm fikirannya* ~ *wajah anak muda itu*;

gambaran **1.** gambar, lukisan; **2.** kisah (keterangan, bayangan, dsb) tentang sesuatu keadaan dsb;

penggambaran **1.** perihal menggambarkan (membuat foto, melukiskan, membayangkan, dll); **2.** kegiatan (perbuatan, usaha, dsb) membuat filem termasuk berlakon, mengarah dsb;

penggambar orang yg menggambarkan, pelukis.

gambar foto gambar yg dihasilkan dgn menggunakan kamera, foto.

gambar rajah sketsa, rangka atau pelan yg menerangkan sesuatu (hal, perkembangan, dll).

gambas Jw ketola.

gambir 1. sj tumbuhan (pokok menjalar), *Uncaria gambir*; **2.** bahan yg diperoleh drpd pokok gambir utk dimakan dgn sirih dan pinang (utk menyamak kulit dll);

~ *air* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Hippocratea macrantha*; ~ *badak* = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), *Maesa ramentacea*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Uncaria cordata*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Uncaria lanosa*.

gambir-gambir 1. sj tumbuhan (pokok), kenar, keranji bulan, me(r)limau, pasak perahu, pokok rambutan pacat jantan, temilang, *Aglaia odoratissima*; **2.** sj tumbuhan (pokok memanjat), kait-kait, *Combretum sunaicum*.

gamboj sj damar yg diperoleh drpd beberapa jenis pokok tertentu, biasanya digunakan sbg sumber pigmen kuning, dan sbg julap.

gambuh 1. sj tarian; **2.** penari gambuh;

bergambuh menari gambuh.

gambus 1. sj kecapi Arab yg bertali enam (dimainkan dgn iringan gendang); **2.** = *orkes* ~ Id pancaragam yg terdiri drpd gambus, harmonium dsb yg memainkan lagu-lagu Arab;

lagu ~ lagu yg dimainkan oleh pancaragam gambus; *tarian* ~ tarian dgn iringan gambus.

gambut lembut dan tidak padat (tanah): *nanas ditanam di tanah* ~ *atau di ladang getah yg ditinggalkan*.

gamelan (gamélan) seperangkat alat muzik yg berasal dr Jawa, yg terdiri drpd beberapa jenis alat yg dipalu spt saron, bonang, gambang, gong, dll.

gamen (gamén) bp kerajaan, pemerintah.

gamer teragak-agak (hendak membuat sesuatu kerana malu dll).

gamet (gamét) (Bio) sel pembiakan.

gamik Mn; **menggamik** memberi isyarat (menyentuh) dgn jari; → **gamit**.

gamis Ar kemeja: *wanita itu memakai gaun biru dgn ~ putih;*

bergamis memakai gamis: *seorang lelaki yg berkopiah putih , ~, dan bercelana panjang mendekati Tipah.*

gamit isyarat memanggil dgn jari: *ibarat ~ sudah berkecapi, ibarat kata sudah berjawab;*

bergamit-gamitan 1. saling memberi isyarat dgn jari; 2. saling menyentuh dgn jari: *kedua-duanya ~ dan kerling-mengerling;*

menggamit 1. memberi isyarat dgn jari (utk memanggil); 2. menyentuh jari, mencuit; ~ *kecapi* memetik kecapi;

menggamitkan menyentuhkan jari, melambatkan (tangan) utk memanggil dll: *kanak-kanak itu ~ tangannya spt meminta sesuatu;*

gamit-gamitan sesuatu yg sering kali disebut-sebut orang, buah mulut orang: *menjadi ~ orang.*

gampang Jw mudah; *anak ~ anak haram;*

menggampangkan memudahkan, menganggap ringan;

gampangan Jk lebih mudah;

gampang-gampangan dgn cara mudah sahaja, alang-alangan, tidak dgn bersungguh-sungguh.

gampar I Jk; **menggampar** menampar, meninju.

gampar II Jw; **gamparan** terompah drpd kayu.

gamuh sj kendi (teko dll) yg tidak bercerat.

gamut (Komp) julat keseluruhan jenis warna yg boleh dipaparkan oleh paparan komputer.

ganal; ganal-ganal; ~ *mati* seolah-olah mati, spt mati rupanya.

ganang; *gunung-*~ bermacam-macam gunung, pergunungan.

ganar I Mn bingung.

ganar II penembak meriam.

ganas 1. liar dan suka menyerang, mengamuk, membunuh dsb (bkn binatang), buas: *harimau (buaya) yg ~*; **2.** cenderung merosakkan harta benda, mencederakan orang dsb (bkn orang): *orang gila itu semakin hari semakin ~*;

mengganas 1. berlaku ganas (menyerang, mengamuk, dll): *samseng-samseng makin ~ di bandar-bandar ini*; **2.** menjadi semakin hebat, menjadi-jadi: *wabak taun ~*;

mengganasi berlaku ganas terhadap, melakukan perbuatan ganas terhadap (seseorang): *wanita sepatutnya dihormati sbg seorang insan, spt lelaki, dgn itu kaum lelaki tidak akan ~ wanita*;

keganasan perihal ganas, kebuasan, kegarangan;

pengganasan perbuatan mengganas: *anasir-anasir subversif melakukan ~ di sempadan*;

pengganas orang yg mengganas: *~~~ komunis masih berkeliaran di kawasan sempadan Semenanjung*.

gancang cepat (tindakan, gerakan, dll), tangkas, cergas, pantas.

gancaran Jw karangan yg tidak bersajak, prosa.

gancu 1. pengancing drpd logam, plastik, dll yg dilekatkan pd satu hujung tali pinggang dll, digunakan utk mengancing tali pinggang dll atau sbg hiasan. **2.** galah yg mempunyai kait pd hujungnya;

menggancu mengait sesuatu dgn gancu.

ganda I 1. = *sekali* ~ satu kali lebih banyak drpd yg asal (mis empat menjadi lapan); **2.** lipat, kali (banyaknya dll): *sekali (dua kali, tiga*

kali) ~ satu (dua, tiga) kali atau lipat banyaknya (drpd jumlah asal);
berlipat ~ beberapa kali lebih banyak drpd jumlah asal, bertambah-tambah banyaknya;

~ *menaik* (Mat) rangkaian angkatap yg disusun menurut angka ganda yg bertambah besar; ~ *menurun* (Mat) rangkaian angkatap yg disusun menurut angka ganda yg bertambah kecil;

berganda bertambah atau meningkat sekali lipat lebih banyak drpd jumlah asal, berlipat (banyaknya): *hasil padi* ~;

berganda-ganda, ganda-berganda berlipat-lipat banyaknya, beberapa kali lebih banyak drpd jumlah asal (atau sesuatu jumlah):

mendapat keuntungan yg ~; *menari* ~ menari berkali-kali (berulang kali);

menggandakan, mempergandakan memperbanyakkan supaya menjadi dua kali jumlah dsb yg asal: *jikalau tekanan digandakan, isi padunya menjadi separuh; janganlah awak* ~ *kata itu lagi* janganlah mengulang kata itu lagi;

memperganda-gandakan melipatkan (jumlah sesuatu) beberapa kali, membanyakkan jumlahnya berkali-kali;

gandaan 1. = penggandaan; 2. = pergandaan;

pergandaan 1. perihal berganda, perbanyakkan bilangan menjadi dua atau beberapa kali lebih banyak drpd jumlah asal; **2.** (Lin) perulangan kata (keseluruhannya atau sebahagiannya);

penggandaan perihal atau perbuatan menggandakan (melipatgandakan);

pengganda angka utk menggandakan angka lain.

ganda II sl bau (yg harum), bau-bauan.

ganda III Jk **1.** lawan (yg tidak sepadan); **2.** berani melawan (meskipun lawan yg lebih kuat dll).

gandal = **gandalan, penggandal** halangan, rintangan.

gandam bahan pewarna yg digunakan utk mewarnakan kayu dll tanpa menghilangkan ira kayu dsb;

menggandam membubuh (meletakkan, menyapu, dsb) gandam pd kayu dll.

gandan Id; *gebar* ~ kain selimut drpd sutera dll.

gandang sj tumbuhan (pokok), ganding, kesinga, merpuing, mersinga, *Carallia brachiata*.

gandapura sj tumbuhan (pokok yg bijinya dibuat minyak wangi), *Hibiscus belamoschus*.

gandar I 1. kayu utk memikul barang di atas bahu, galas, kandar, pengandar; 2. tangkai (pd timba telaga, pd tenggala); 3. batang dacing; 4. = ~ *roda* batang besi (kayu dsb) tempat roda berpusing; pasak (poros) roda, aci; ~ *cincin* pencengkam batu pd cincin;

menggandar memikul, mengandar, menggalas;

gandaran barang (beban) yg dipikul, pikulan, kantaran: *maka Laksamana pun meletakkan ~nya, lalu naiklah ia ke rumah saudagar itu*.

gandar II Jk; **menggandar** mengenderai (kereta, basikal, dll);

gandaran kenderaan, kenaikan.

gandaria, gandariah sj tumbuhan (pokok yg berbuah), *Bouea macrophylla*.

gandarusa sj tumbuhan (herba yg daunnya dipakai utk ubat), *Gendarussa vulgaris*.

gandasuli sj tumbuhan (pokok yg harum bunganya), *Hedychium coronarium*.

gandek (gandék) Jw utusan, suruhan raja.

ganden (gandén) Jw tukul drpd kayu, pemukul.

gandewa (gandéwa) Jw busur (panah).

gandi I sl busur (panah); *main* ~ bermain panah.

gandi II sl tukul, pemukul; → **gandin**.

gandik 1. perhiasan pengantin perempuan, permaisuri dan sultanah yg dipakai pd dahi; **2.** perhiasan pd hulu keris.

gandin tukul kayu, pemukul.

ganding I; bergandingan, berganding 1. berdampingan, berdekatan (berpegangan tangan): *Ismail ~ dgn Lamah berjalan lambat-lambat menuju ke kereta*; **2.** berangkaian, berhubungan, berpautan: *gerabak-gerabak kereta api yg bergerak ~*; **3.** berkaitan, berhubungan, bersangkutan: *hal-hal yg ~ dgn sesuatu perkara*; **4.** bekerjasama, tolong-menolong: *masyarakat yg berbilang bangsa harus ~ utk mencapai kemakmuran*; ~ tangan a) berpegangan tangan; b) bekerjasama, bahu-membahu; ~ tenaga menggunakan tenaga bersama utk melakukan sesuatu, berpadu tenaga, bekerjasama (dgn erat);

mengganding 1. menarik sesuatu yg diikat di samping atau di belakang: *sebuah kepala kereta api dapat ~ berpuluh-puluh gerabak*; **2.** memegang tangan, memimpin: *orang buta itu diganding oleh seorang budak*;

menggandingkan, mempergandingkan 1. menghubungkan, memautkan, mempertalikan: *kereta yg rosak itu digandingkan dgn sebuah lori*; **2.** menghubungkan, mengaitkan: *kemiskinan rakyat umumnya dapat digandingkan dgn keadaan ekonomi negara*; **3.** membawa supaya berhampiran (berdampingan), mendekatkan: *sampan itu digandingkan dgn motobot*;

gandingan benda yg digandingkan (di samping atau di belakang).

ganding II Mn; **gandingan** banding, tanding;

bergandingan berbanding dgn, berlawanan, bersaing;

menggandingkan membandingkan.

ganding III sj tumbuhan (pokok), gandang, *Carallia brachiata*.

gandrung I Jw sangat rindu (berahi), sangat mengingini.

gandrung II Jw sj tumbuhan (pokok) yg buahnya spt jelai, *Andropogon sorghum*.

gandu sj buah berwarna hitam yg berbentuk bulat pipih dan dipakai dlm permainan lecek.

ganduh I Mn imbuh, tambah, tokok;

berganduh bertukar dgn mendapat tambahan (wang dll);

memperganduhkan, memperganduh-ganduhkan menukarkan sesuatu dgn tambahan.

ganduh II Mn; **berganduh** bercampur, beraduk.

gandul Jw; **menggandul** bergantung;

mengganduli 1. bergantung pd; **2.** menggantungkan pd;

gandulan benda yg digantung (kerongsang pd rantai leher dll).

gandum sj tumbuhan (pokok dan buahnya), terigu, *Trificum sativum*; *tepung* ~ tepung terigu (utk membuat roti dll).

gandung buluh (kayu) yg dipasang di kiri kanan perahu (supaya tidak terbalik atau utk menambah muatan), ambau;

bergandung 1. berambau (memakai gandung); **2.** mempunyai muatan yg diletakkan di gandung;

menggandung memuat barang dgn memakai gandung.

gandus sj kuih (dibuat drpd tepung beras, kelapa, dll); *seri* ~ sj penganan.

gang I sj pahat (yg dipakai oleh tukang tembaga).

gang II IB lorong kecil (di kampung-kampung dlm bandar).

ganggang I; berganggang 1. sedang disalai (dgn api); **2.** berdiang;

mengganggang menyalai, memanggang: *daun yg hendak dikeringkan itu diletakkan di dlm dulang dan diganggang atas api.*

ganggang II Mn **1.** ruang di antara dua benda, celah: ~ *pintu*; **2.** renggang (tidak rapat): *hubungan mereka sudah mulai ~;*

berganggang 1. bercelah, merenggang: *sambung kayu itu mulai ~;*

2. bercerai (bkn suami isteri): *laki bini itu sudah ~;*

mengganggang menjadi bercelah, merenggang: *papan ~;*

mengganggalkan merenggangkan, menjadikan bercelah: *~ pintu.*

ganggang III sj lumut yg tumbuh dlm air dll.

ganggu; mengganggu 1. mengusik, mengacau: *pekerjaan orang jangan diganggu;* **2.** mengusik, mempermain-mainkan, menggoda

(perempuan): *tidak baik awak ~ murid perempuan itu;* **3.**

menghalangi, mencegah, memacetkan, merusuh: *batuknya ~ ia bercakap;* *~ keamanan* merosakkan keamanan;

terganggu terusik, tercegah, terhalang: *pasukan keamanan nampaknya ~ oleh pengganas-pengganas di hutan;*

gangguan 1. perbuatan mengganggu (mengusik dsb), usikan, godaan; **2.** sesuatu yg mengganggu (mengacau, menghalang, menyusahkan, dsb), halangan;

~ fikiran keadaan jiwa (perasaan atau minda) yg tidak tenteram, cemas, bercelaru dsb akibat sesuatu tekanan, terutamanya faktor luaran atau persekitaran; *~ mental* (Ubat) sebarang penyakit atau keadaan seseorang, yg berlaku akibat perubahan organik atau tak organik pd otak, yg seterusnya mengganggu fungsi otak; *~ seksual* perlakuan yg kurang disenangi melalui kata-kata, isyarat, sentuhan dsb yg berunsur seks, mis kata-kata lucah, meraba dsb, biasanya dilakukan berulang-ulang, terutamanya oleh orang lelaki terhadap wanita;

penggangguan perihal atau perbuatan mengganggu;

pengganggu orang dll yg (suka, selalu) mengganggu.

ganggu-gugat; mengganggu-gugat mengganggu dan mendakwa, memperkarakan, mendakwa dan memperkarakan: *raja yg berkuasa tidak boleh diganggu-gugat.*

ganggut; mengganggu mencabut, merenggut.

ganglion (Bio) kelompok jasad sel saraf yg biasanya terletak di luar saraf pusat.

gangren (gangrén) (Ubat) kematian tisu secara meluas akibat terputusnya bekalan darah, yg biasanya diikuti dgn serangan bakteria, kelemayuh.

gangsa I aloi yg terdiri drpd tembaga dan timah; **kangsa.**

gangsa II angsa (sj itik besar).

gangsal ark ganjil (lwn genap); → **gasal.**

gangsang → **gasang I.**

gangsar sj keridik, cengkerik.

gangsri ark; **menggangsri** mengukup (pakaian), mendupai, mengasapi.

gangsir I Jw → **gangsar.**

gangsir II; menggangsir menggali lubang dlm tanah.

ganih I ark gading gajah betina.

ganih II Mn; *kain* ~ kain putih.

ganja I sj tumbuhan yg daun dan bunganya yg kering dihisap spt tembakau sbg dadah yg mengkhayalkan, *Cannabis sativa.*

ganja II bahagian keris di antara mata dan hulunya; ~ *iras* = ~ *menumpu* ganja yg bersambung dgn bilahnya; ~ *datang* = ~ *rawan* ganja yg dilekatkan pd bilahnya.

ganja-ganja sj tumbuhan (herba), *Clerodendron indicum.*

ganjak; berganjak 1. beralih, beranjak, berengsot: *dia tidak mahu ~ dr tempatnya;* **2.** ki berubah (pendirian dsb): *dia teguh dgn pendiriannya yg lama, tidak ~ sedikit pun;*

mengganjak, mengganjakk mengalihkan, menganjakk, mengubah tempat, mengensotkan: *peti besi tidak dapat diganjak oleh seorang sahaja;*

terganjak teralih, teranjak, terengсот; *tidak* ~ a) tidak teralih; b) ki tidak dapat diubah lagi.

ganjal alas (tiang, landasan kereta api, dll), sempal (tempat yg longgar, puting parang dgn lubang hulu, dll);

mengganjal membubuh ganjal: *tiang balai itu diganjak dgn batu;*

terganjal memakai ganjal, ketat (tidak longgar), kukuh (tidak goyah).

ganjar; mengganjar, mengganjari **1.** membalas jasa dgn hadiah, menghadahi: *kerajaan bercadang hendak ~ orang-orang yg telah berjasa kpd tanah air;* **2.** memberi balasan, memberi hukuman: *pengganas-pengganas itu harus diganjar kalau tertangkap;*

mengganjarkan **1.** menghadahkan; **2.** memberikan balasan;

ganjaran **1.** hadiah (utk perbuatan baik dll): *Patih Gajah Mada pun memberi ~ akan perwira itu empat ratus pitis;* **2.** balasan (utk perbuatan jahat dll): *dia akan mendapat ~ pd kemudian hari kerana kejahatan-kejahatannya.*

ganjat tegang (kulit gendang, urat-urat), regang.

ganjil **1.** ajaib, aneh, pelik: *kelakuannya agak ~ akhir-akhir ini;* **2.** tidak genap (bilangan), gasal: *nombor bulat yg bukan nombor genap dinamakan nombor ~;*

mengganjil berlaku ganjil (lain drpd biasa): *dia itu selalu ~ saja drpd orang lain;*

mengganjilkan **1.** menjadikan ganjil (tidak genap, ajaib, aneh, dsb); **2.** membuat orang menganggap aneh (ajaib dll): *pakaiannya yg sungguh ~; keluar tak ~ masuk tak menggenapkan prb hal (orang) yg tidak mendapat perhatian dlm masyarakat;*

keganjilan perihal ganjil, keanehan, keajaiban.

ganjur I sl tombak;

mengganjur, mengganjuri menombak(i).

ganjur II Mn tarik, hela, mundur;

berganjur mengundurkan diri: *pegawai itu ~ diri utk mengelakkan perkelahian; berganjur-ganjur surut* ki bersikap maju mundur;

mengganjur menarik, merenggut (tali wau dll), menarik diri, mengundurkan: *dia akan menyuruh Rohani ~ langkah surut.*

gantal Jw daun sirih yg sudah digulung.

gantang 1. sukatan atau ukuran banyak yg sama dgn 4 cupak atau 4.54

liter (lazimnya utk beras); **2.** alat utk menyukat (beras dll);

melukut di tepi ~ prb perkara kecil yg tidak mendapat perhatian;

mengisi ~ *pesuk* prb membuat pekerjaan yg tidak menguntungkan;

secupak tak akan jadi se~ prb sesuatu yg tetap dan sukar diubah lagi;

menggantang menyukat dgn gantang; ~ *asap* mengingini sesuatu yg sukar dicapai;

~ *anak ayam* prb membuat pekerjaan yg amat susah; *penuh sudah bagai* ~ prb cukup (benar-benar) penuh.

gantang-gantang patrum (tempat ubat bedil) yg dibuat drpd buluh.

gantar (Sunda) galah.

ganteng Jw cantik, elok dan gagah, tampan.

ganteng (ganténg) Jk kental, beku.

ganti 1. silih, penukar, pampasan: *ambillah buku cerita ini sbg ~ tengok*

wayang; **2.** = **pengganti** wakil: *kalau engkau tak mahu pergi akulah ~ kau*; **3.** bp beralih, bertukar, berubah (tempat dll);

~ *nama* (Lin) kata utk menyebut diri (saya, engkau, dll); ~ *tikar kahwin* dgn adik atau kakak isteri yg telah mati; ~ *hidup*

berkeredaaan, ~ mati berkebulatan prb utk mendapatkan ganti seseorang ketua perlulah dgn muafakat;

berganti bertukar, berubah, beralih menjadi; *~ nama* bertukar namanya; *~ pakaian* bertukar pakaian; *hari (minggu, bulan, tahun) ~ hari (minggu, bulan, tahun)* selepas hari dll ini hari dll kemudiannya pula; *satu ~ satu* satu demi satu bertukar, bergiliran; *silih ~ = saling ~ = ganti-~* bergilir-gilir atau bertukar-tukar;

berganti-ganti, bergantian bertukar-tukar, bergilir-gilir, silih berganti: *seseorang yg berada di sebelah kanan anda datang ke depan anda secara ~;*

mengganti 1. menukar (dgn yg lain, yg baru, dll), menjadikan berganti: *pegawai ini perlu diganti dgn seorang yg lebih cekap;* **2.** memberikan sesuatu kpd seseorang dll sbg cara memulangkan barang dsb yg sudah dihilangkan (dirosakkan dsb), memberi (membayar) ganti rugi: *saya tidak dapat ~ pen awak yg sudah hilang itu;* **3.** mengambil tempat seseorang utk menjalankan sesuatu tugas dll: *mengapa cikgu kita tidak mahu ~ guru besar dlm mesyuarat itu?;*

menggantikan menjadi ganti: *anak negeri yg pandai sudah boleh ~ pegawai-pegawai dagang;*

gantian sesuatu yg dapat menggantikan (mengambil tempat) sesuatu yg lain;

pergantian pertukaran, peralihan, perubahan (kpd sesuatu yg lain);

penggantian perihal atau perbuatan mengganti(kan): *mereka merundingkan perkara ~ Ketua Kampung;*

pengganti benda atau orang yg menjadi ganti: *biarlah pantunku ini sbg ~ penawar hatimu; sejak guru itu pindah murid-murid agak gelisah menunggu ~nya.*

gantih Mn; menggantih memintal benang (dgn rahat).

ganting I; *gula* ~ gula kasar; → **gula I.**

ganting II sl nama sj perahu lama: *maka baginda pun menyuruh berlangkap perahu akan menyerang Singapura, seratus delapan puluh banyaknya jong, lain drpd itu berapa ratus buah ~.*

ganti rugi wang atau barang utk silihan kerugian, pampasan;

mengganti rugi memberikan sesuatu atau membuat bayaran utk mengatasi atau meluputkan kerugian yg dialami oleh seseorang dsb.

gantri struktur keluli yg tinggi yg menopang kren, tanda isyarat di landasan kereta api dsb.

gantung; *hukum* ~ hukuman mati dgn mencerut leher dgn tali (yg terikat pd tiang); *jambatan* ~ titi yg tidak bertiang; *kahwin* ~ = *nikah* ~ perkahwinan yg belum lagi diumumkan (diraikan) dgn upacara persandingan; *lampu* ~ lampu yg disangkut (tidak berdiri); *pusaka* ~ waris yg belum diketahui pemiliknya; ~ *kemudi* sl cukai yg dikenakan di pelabuhan; ~ *layar* sl hadiah kpd orang yg menyelamatkan kapal yg hendak karam;

bergantung 1. bersangkut, bergayut, berpaut; *dagu bagai lebah* ~ dagu yg cantik; **2.** bersandar (pd orang dll), berharap pd pertolongan (orang dll), di bawah pengaruh orang dll: *kehidupannya ~ pd belas kasihan Dato' Ujang; pertumbuhan padi di kawasan Kerian ~ semata-mata pd hujan;*

~ *di ekor anjing* prb orang yg sangat memerlukan pertolongan akan menerima sebarang pertolongan; ~ *di hujung rambut* prb nasib yg tidak tetap; ~ *kpd rambut sehelai* prb dlm keadaan yg amat berbahaya; ~ *pd tali rapuh* prb mengharapkan pertolongan drpd orang dll yg lemah; ~ *tidak bertali, bersalai tidak berapi* prb a) isteri yg ditinggalkan tetapi tidak diceraikan; b) peri seorang gundik yg tidak sah;

bergantung-gantung bergantung banyak-banyak di sana sini: *jemuran yg ~ di balkoni apartmen itu memang mencacatkan pemandangan;*

bergantungan bergantung-gantung, bergantung banyak-banyak: *ia memerhatikan gambar-gambar yg ~ di dinding;*

menggantung 1. menghukum mati dgn mencerut leher dgn tali yg terikat pd tiang; ~ *diri* membunuh diri dgn mencerutkan tali pd leher; **2.** memasang (kelambu, tirai, dll) dgn menyangkutkan tali dll pd sesuatu: ~ *kelambu*; ~ *langsir*; **3.** menunda (perkara dll) hingga waktu yg lain (utk mendapat butir-butir yg lebih lanjut): *perkara itu digantung utk sementara waktu*; **4.** menjadikan tidak berkuat kuasa atau sah dsb atau tidak dapat bertindak (bergiat dsb) sehingga diputuskan secara muktamad;

~ *kerja (pekerjaan)* tidak membenarkan atau menahan seseorang drpd melaksanakan tugas atau kerja rasminya buat sementara (biasanya sehingga selesai dijalankan sesuatu penyiasatan); ~ *lesen* menjadikan lesen (memandu, berniaga, dsb) hilang kuat kuasanya sehingga dibuat keputusan lain kemudiannya; ~ *raket* berhenti sama sekali atau bersara drpd bermain sesuatu permainan yg menggunakan raket (spt badminton, tenis, dsb): *selepas ~ raketnya, nama beliau terus hilang dari dada akhbar*; *digantung tinggi dibuang jauh* prb tidak berkuasa sedikit pun (lemah sekali);

menggantungi 1. menjadikan (sesuatu) sbg tempat menggantungkan (sesuatu): *pokok ru itu digantungi dgn lampu yg berbagai-bagai warnanya*; **2.** menggantung berulang-ulang;

menggantungkan 1. menyangkutkan pd paku dll atau mengikatkan pd sesuatu dsb supaya terletak pd tempat yg tinggi, menjadikan bergantung: *ia ~ semua kad Hari Raya pd tali yg direntang*; **2.** menyandarkan (nasib, pekerjaan, dll) pd,

mengharapkan (pertolongan dll) drpd, meletakkan (harapan dsb):
mereka ~ harapan hari depan mereka pd kejayaan Hanifah dlm pelajarannya;

digantungkan tinggi, digalikan dalam prb perjanjian yg dibuat dgn syarat-syarat yg teguh; ~ kain kotor di muka pintu prb perihal perbuatan yg pandir yg memberi malu pd diri sendiri;

mempergantungi menjadikan (seseorang) tempat bergantung: *aku masih terkatung-katung dgn tiada tempat bergantung tetapi dipergantungi pula oleh orang lain;*

tergantung 1. telah digantung, tersangkut, terpaut: *lampu itu ~ di loteng; 2.* diserahkan, terserah (pd): *hukuman yg akan dikenakan ~ pd hakim;*

gantungan 1. sesuatu yg digantung(kan); **2.** alat utk menyangkut (menggantungkan) sesuatu;

kebergantungan perihal (keadaan) bergantung (pd): *sikap ~ pd orang lain;*

ketergantungan keadaan atau sifat (masih) bergantung (pd sesuatu): *ini bererti wanita berkenaan perlu belajar berdikari dan bebas drpd ~ pd keluarga.*

ketidakbergantungan perihal (keadaan) tidak bergantung pd: *~ politik kawasan yg berpisah-pisah;*

pergantungan 1. alat atau tempat utk menggantung; **2.** tempat bergantung (mis orang yg dipercayai atau yg boleh memberikan pertolongan), tempat bersandar, tempat mengharapkan pertolongan; **3.** perihal (perbuatan, sikap) bergantung (pd sesuatu): *jelaslah ~ pd beberapa barangan utama akan terus menjejaskan ekonomi negara;*

penggantungan 1. perihal menggantung; 2. tempat menggantung(kan) sesuatu, tempat menghukum gantung orang: ~ *kain baju itu letaknya berhampiran dgn katil;*

penggantung digunakan utk menggantungkan sesuatu: *tali ~ seluar.*

ganu pelangi (cahaya).

ganyah; mengganyah 1. menggosok atau menyental kuat-kuat: *tutup mulutmu, nanti aku ganyah dgn sambal;* 2. Kd memakai (kain dll) selalu: *kain songket itu tidak boleh diganyah.*

ganyang; mengganyang 1. Jw memakan mentah-mentah, memamah, mengunyah; 2. membinasakan, memusnahkan, menghancurkan: *operasi Indera Khas telah dilancarkan utk ~ unit penggempur keenam ini.*

ganyar → **ganyut.**

ganyir Kl senang, mudah.

ganyong Jk sj tumbuhan (herba yg umbinya sedap dimakan), *Canna edulis.*

ganyut 1. tidak lunak (walaupun direbus), basau, engkah-engkah, ganyar; 2. sangat tua: *Cu Hawa sudah tua dan ~.*

gap bunyi degupan jantung, bunyi spt mengetuk meja; → **degap I.**

gapa I Kl apa benda.

gapa II Jw cekatan, tangkas, tidak berasa kaku;

kegapaan ketangkasan, kecekatan.

gapah I; *gopoh*~ terburu-buru, tergesa-gesa; → **gopoh.**

gapah II → **gapa II.**

gapai; bergapaian berhulur-hulur tangan (utk mencapai atau memegang sesuatu);

menggapai menghulurkan tangan hendak mencapai atau memegang sesuatu: *tidak ada jalan lain bagiku melainkan ~ tempat bergantung pd benda-benda yg terapung;*

menggapai-gapaikan menghulurkan tangan mencari-cari tempat pegangan: *ia ~ tangannya tetapi perahu itu sudah terlampau jauh dr tempatnya;*

tergapai-gapai terhulur-hulur tangan (hendak mencapai sesuatu): *Bidin ~ dlm laut yg sedang berkecamuk itu.*

GAPENA (gapéna) akronim bagi Gabungan Persatuan Penulis Nasional.

gapil suka campur (dlm hal orang lain), suka mengganggu; ~ *tangan* suka campur tangan, suka mengusik; ~ *mulut* = *mulut* ~ cerewet atau suka menyampuk dll;

menggapil **1.** mengambil (memegang) dgn tidak sengaja; **2.** mencampuri (hal orang).

gapis sj tumbuhan (pokok) dlm famili Leguminosae, *Saraca declinata*, *S. indica*; dan *S. thaipingensis*; ~ *akar* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar tuba, tuba benar, tuba jenu, tuba putih, tuba rimba, tuba tudung, *Derris elliptica*; ~ *tanjung* sj tumbuhan (pokok renek), *Croton griffithii*.

gapit Jw penyepit (utk menguatkan anyaman), sepit;

menggapit mengapit dgn sepit, menyepit.

gaplek (gaplék) Jw ubi kayu yg sudah dijemur sampai kering; *tepung* ~ tepung ubi kayu.

gapura pintu gerbang (istana, kuil, dll);

~ *ilmu* ki institusi, pertubuhan, dll yg berjuang membina dan mengembangkan ilmu: *ilmu sastera berkembang bukan sahaja dr ~ ilmu malah melalui gagasan persendirian.*

gar bunyi guruh (meriam dll); ~, ~ *kata gelegar, rasuk juga menahannya*
prb dlm sesuatu perkara jangan terlalu percaya pd kata orang
(kerana akibatnya nanti ditanggung sendiri); → **degar**.

gara I → **gahara**.

gara II Mn → **garah**.

gara-gara 1. bencana, huru-hara, kegemparan, kehebohan: *drpd ~ serangan udara maka orang ramai di bandar Brunei mesti membuat lubang perlindungan*; **2.** akibat drpd: *~ judi ini ia jadi melarat*.

garah I Mn; garah-garah senda gurau, lawak jenaka;

bergarah, bergarah-garah bermain-main, berjenaka, bergurau
senda;

mempergarahkan memperolok-olokkan.

garah II Mn; menggarah menakutkan (burung di sawah), menghalau,
mengusir: *kulitnya merah ditimpa panas ketika ia ~ unggas di sawah*.

garaj bangunan atau bahagian bangunan tempat menyimpan kenderaan.

garam 1. bahan pepejal berwarna putih dan masin rasanya, yg diperoleh
drpd air laut atau dr dlm tanah dan mempunyai banyak kegunaan
(termasuk sbg perasa dan pengawet makanan), natrium klorida; **2.**
(Kim) sebatian kimia yg diperoleh drpd tindakan asid atas logam;
3. sj pupuk;
~ *abu* alkali; ~ *asid* (Kim) garam yg mempunyai satu atau lebih
hidrogen yg boleh diionkan, mis kalium hidrogen sulfat; ~ *bes*
(Kim) garam yg terbentuk apabila sesetengah ion oksida atau
hidroksida sesuatu bes diganti dgn ion negatif lain, mis plumbum
(II) klorida hidroksida; ~ *dapur* garam utk masakan; ~ *darat* = ~
galian garam dr dlm tanah; ~ *hempedu* (Bio) garam yg terdapat
dlm hempedu, gunanya utk membantu pengemulsian lemak

sewaktu pencernaan; ~ *jantan* buku garam; ~ *kontang* (Kim) garam yg air penghablurannya telah disingkirkan, mis kuprum(II) sulfat; ~ *laut* garam dr air laut; ~ *siam* garam yg halus spt gula pasir; ~ *terhidrat* (Kim) garam yg mempunyai air penghabluran; *merendang* ~ bunyi mendedas; *banyak makan* ~ = *tahu diasin* ~ = *banyak menelan* ~ *hidup* mempunyai banyak pengalaman hidup; ~ *dikulumnya tak hancur* prb seorang yg pintar menyimpan rahasia; ~ *jatuh di air* prb cepat meresap atau segera dimengerti (bkn nasihat, pelajaran, dll); ~ *tumpah apakah tempatnya* prb kematian orang miskin atau hina tidak dihiraukan; *dicecah orang bagai* ~ prb Mn hal perempuan yg tidak lama bersuami, lalu bercerai; *membuang ~ ke laut* prb membuat pekerjaan yg tidak mendatangkan faedah; *sbg ~ dgn asam* prb sudah padan benar (spt suami isteri); *sayang ~ sececah, busuk kerbau seekor* prb kerana takut rugi sedikit, akhirnya mendapat kerugian banyak; *sudah seasam se~nya* prb tiada bercela;

bergaram 1. mengandungi (dibubuh) garam; 2. ki senang, berbahagia: *mereka berusaha supaya hidupmu jangan ~*; 3. menjadi spt garam;

menggaram 1. menjadi masin; 2. menjadi spt garam; 3. menghasilkan garam (membuat, menggali); 4. Mn menjilat-jilat (binatang ternak);

menggarami 1. memberi bergaram, mengasinkan; 2. ki merempahi, menambah-nambahi: *langkah-langkah perlu diadakan utk menimbulkan dan ~ perasaan baik menteri*;

menggaramkan membuat jadi garam (air laut dll);

pegaraman tempat membuat garam;

penggaraman perihal atau proses membuat (membubuh) garam.

garam-garam; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Roucheria griffithiana*.

garan I Jw tangkai, hulu (pisau dll).

garan II ark gerangan.

garang I 1. suka atau lekas menyerang dsb (apabila marah dsb), bengis, galak: *anjing itu cukup ~; guru yg ~ menakutkan murid*; **2.** Mn suka, gemar; ~ *makan* kuat makan; **3.** kencang (bkn angin dll), hebat: *angin bukit tiba-tiba bertiup ~*; **4.** terang dan bercahaya (bkn warna), sangat cerah: *kalau dulu orang gemar cara mekap yg natural, dlm tahun 1983 penggunaan warna yg ~ muncul pula*;

menggarang 1. menjadi garang (bkn anjing dll), membuas, mengganas, menggalak; **2.** = **menggarangkan** memberanikan, mengganaskan;

menggarangkan 1. menjadikan garang, memberanikan, mengganaskan, menggalakkan; **2.** menjadikan (kelihatan) terang dan bercahaya, menjadikan (warna) sangat cerah: *warna-warna tersebut saling bersatu hingga dapat melembutkan atau ~ warna-warna yg bersebelahan*;

kegarangan perihal garang: *lambang api jelas membawa suasana ~ dan kegigihan*.

garang II Jw; **menggarang** memanggang, memanaskan (mengeringkan di atas api): ~ *tembakau*;

garangan; *tembakau* ~ tembakau yg dikeringkan dgn diganggang.

garang III; garangan Mn → **gerangan**.

garap; menggarap mengusahakan, mengerjakan: *menyelesaikan ~ tanah*;

menggarapkan mengolahkan: *lebih mencabar seandainya penulis ~ watak-watak spt Murni dan Mei Mei dlm konteks peleraian masalah*;

tergarap dapat diselesaikan (diusahakan): *dia tahu ada sesuatu yg penting dlm hidup ini, namun tak ~ sampai sekarang;*

garapan sesuatu yg diusahakan, usaha, kerja;

penggarapan perbuatan menggarap (mengusahakan, menyelesaikan) sesuatu.

garau kasar dan besar (suara), garuk, parau.

gardin IB tirai (jendela dll).

gardu Id rumah sentri, rumah pengawal.

garebek Jw hari raya Islam (setahun tiga kali); ~ *Maulud* (12 Rabiulawal); ~ *Puasa* (1 Syawal); ~ *Besar* (10 Zulhijah).

garedeng (garédéng) Mn rumbai-rumbai (perhiasan kelambu dll).

gari I sepasang gelang drpd logam utk membelenggu pergelangan tangan penjahat dll, belenggu;

bergari telah dibelenggu dgn gari;

menggari membelenggu dgn gari.

gari II Kl; **bergari** masih terang mata (walaupun orangnya sudah tua): *matanya masih ~.*

garing I keras tetapi rapuh (keropok, roti, dll), kering dan mudah hancur, rangup;

menggaringkan menjadikan garing: *biarlah ikan itu digoreng lama sedikit utk ~nya.*

garing II ark ambung, keranjang (rotan dll).

garing III sj ikan darat, sengaring, tambera, *Labeobarbus tambrá*;
karing.

garing-garing sj tumbuhan (pokok memanjat), *Cnestis palala*.

garis I 1. tanda yg panjang halus yg dibuat pd sesuatu permukaan, garisan: *melukis dr ~ A ke ~ B*; **2.** calar: *~~~ di badannya masih kelihatan akibat kena rotan*; **3.** kedut pd kulit muka; **4.** tanda yg panjang halus pd tapak tangan; **5.** (dlm beberapa permainan) tanda

yg dibuat utk membatasi gelanggang atau bahagian-bahagiannya, garisan; **6.** baris pertahanan (kubu dll), garisan: *pasukannya dapat menembusi ~ pertahanan musuh*; **7.** had, batas, ketentuan: *kita harus menunaikan tugas kita menurut ~-~ yg telah ditentukan*; ~ *akhir* baris penghabisan dlm perlumbaan; ~ *bahagi* garis yg membahagi dua sesuatu sudut; ~ *belakang* barisan yg tidak terlibat langsung dlm medan perang; ~-~ *besar* perkara-perkara yg mustahak; ~ *depan* a) barisan yg paling depan; b) garis pertahanan yg menghadapi musuh; ~ *haluan* = ~ *panduan* panduan atau petunjuk-petunjuk yg perlu diikuti, dasar (ciri-ciri utama dsb) yg boleh dijadikan panduan atau pegangan; ~ *miring* garis yg condong ke bawah dan menyerong; ~ *pemisah* garis (batas, sempadan, panduan) yg memisahkan sesuatu dgn yg lain; ~ *pusat* garis yg menerusi pusat dan disempadankan oleh lilitan bulatan; ~ *rentas* garis yg menghubungkan dua titik pd bulatan; ~ *sendeng* (Mat) hipotenus; ~ *sentuh* garis yg menyentuh suatu titik pd lilitan bulatan; ~ *singgung* garis yg bersentuhan (terlalu rapat); ~ *tegak* garis lurus yg membuat sudut 90° dgn garis yg lain; ~ *tengah* Id garis pusat;

bergaris mempunyai garis: *kad ~*;

bergaris-garis banyak garisnya;

menggaris membuat garis;

menggariskan **1.** membuat garis pd (sesuatu), menandakan (sesuatu) dgn garis: ~ *perkataan-perkataan yg dieja salah*; **2.** menyatakan aspek-aspek atau ciri-ciri utama sesuatu (biasanya secara am atau tidak terperinci): *Rancangan Malaysia Kelima ~ beberapa dasar, strategi, dan program utama*;

garisan **1.** tanda yg halus panjang pd sesuatu permukaan yg tidak ada tebalnya dan lebarnya, garis: *beberapa ~ berwarna hijau*

terdapat pd kertas itu; 2. coret panjang yg dibuat utk menandai batas atau sempadan, garis: dia menendang bola itu keluar ~; 3. barisan kubu utk bertahan, deretan benteng utk mempertahankan kawasan yg dikuasai, garis: pasukan komando kita telah berjaya menawan ~ musuh;

~ bujur (Geog) garis di peta dr kutub utara sampai ke kutub selatan; ~ lintang (Geog) garis di peta yg selari dgn khatulistiwa; ~ pusat garis pusat; ~ rentas garis rentas; ~ sejajar = ~ selari dua garis yg sama jarak antaranya;

penggaris = *kayu* ~ kayu berskala utk membuat garis atau mengukur panjang garis dll; *~ penamat* garis yg menandakan tempat berakhirnya perlumbaan.

garis II Mn; *pitis* ~ wang keping (Inggeris).

garis bawah garis yg dibuat di bawah sesuatu perkataan (rangkai kata, ayat, dll) yg menunjukkan pentingnya perkataan (rangkai kata, ayat, dll) yg berkenaan;

menggarisbawahi 1. membuat garis bawah pd sesuatu perkataan (rangkai kata, ayat, dll); **2.** ki memberi penekanan, mementingkan: *penulis ~ peringatan Elwood agar kita tidak memisahkan kebenaran.*

garis kasar 1. garis yg dilukis secara kasar; **2.** rangka, catatan ringkas, maklumat-maklumat utama (yg dikemukakan tidak secara terperinci);

menggariskasarkan menerangkan sesuatu dgn tidak terperinci: *perniagaan kecil boleh digariskasarkan.*

garison 1. pasukan tentera yg berpangkalan di sesuatu tempat (bandar, kota, dsb); **2.** tempat (bandar, kota, dsb) yg menjadi pangkalan sesuatu pasukan tentera.

garit I kesan drpd membuat garis dgn benda tajam, gores;

menggarit membuat garit, menggores;

penggarit alat yg tajam utk membuat garit pd permukaan logam dll.

garit II Mn gerak;

menggarit bergerak;

menggaritkan menggerakkan.

garizah Ar naluri.

garnet (garnét) sj batu bernilai yg lut sinar, berwarna merah tua, hijau atau kuning, yg dijadikan sbg batu permata.

garong Jk **1.** pencuri, perompak; **2.** *kucing* ~ kucing hutan;

menggarong menyamun, merompak: *rumah itu digarong oleh tiga orang pencuri;*

penggarongan perompakan.

garpu alat utk menyuapkan makanan ke dlm mulut, memegang makanan, dsb yg tangkainya spt tangkai sudu tetapi hujungnya bercabang-cabang.

garu I sj alat (sisir) utk menggaruk tanah dll; ~ *bajang* parut macam bekas digaruk pd paha perempuan sesudah melahirkan anak;

bergaru bergaruk, menggaruk-garuk: *murid itu ~ kerana diserang agas;*

menggaru 1. menggaruk (tanah dll); **2.** mencakar-cakar dgn kuku: ~ *kepala;*

tergaru-garu tergaruk-garuk;

penggaru penggaruk (tanah dll).

garu II → **gaharu**.

garuk I alat utk mengeruk-ngeruk (mencakar-cakar), perkakas menyang padi (bergigi spt sisir), garu; *spt ~ dgn sisir* prb hal dua orang bersaudara yg berlainan sifat;

bergaruk, bergaruk-garuk mengeruk-ngeruk atau mencakar-cakar badan (kerana gatal);

menggaruk 1. mencakar-cakar (dgn kuku dll), menyisir (tanah): *tuan itu berhenti ~ kepalanya*; **2.** ki mengumpulkan harta (dgn jalan yg tidak patut dsb): *tanah jajahan diperlukan utk ~ kekayaannya*; **menggaruk-garuk kepala** ki dlm kesusahan dll; *hendak ~ tidak berkuku* prb ingin melakukan sesuatu tetapi tidak mempunyai alatnya; *tidak ada orang ~ keluar badan* prb orang biasanya berpihak (pd kaum dll) kalau timbul pergaduhan; *kini gatal besok digaruk* prb pertolongan yg datang terlambat;

menggarukkan mengeruk dgn, mengeruk utk;

tergaruk-garuk tergaru-garu: ~ *adik Ayu kerana gatal digigit nyamuk*;

garukan hasil drpd menggaruk, bekas-bekas digaruk;

penggaruk alat utk mengeruk, garu.

garuk II garau, parau: *suaranya ~ sungguh*.

garuk III; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Willughbeia coriacea*.

garung I loceng buluh yg digantung pd kerbau (lembu atau kambing) supaya tuannya tahu tempat binatang itu berada; *tarian* ~ sejenis tarian di negeri Kelantan yg ditarikan berpasang-pasang dan diiringi oleh alat-alat muzik spt tetawak, serunai, seruling, canang, gendang, dll.

garung II Mn; **menggarung** meraung, menggeru.

garut I; **bergarut** bergesek, bergosok;

menggarut 1. menggaru (sampai lecet), menggaruk, menggores (keras-keras); **2.** mencakar-cakar tanah (dgn kuku dll), menggaruk: *binatang tersebut hanya ~ rumput di tepi-tepi jalan*.

garut II; *ubi* ~ sj umbi yg boleh dimakan.

gas **1.** bahan spt udara, bukan cecair dan bukan pepejal; **2.** gas yg dikeluarkan drpd batu arang dan mudah terbakar; *kilang* ~ kilang yg mengeluarkan gas drpd arang; **3.** wap minyak benzin (petrol); *lampu* ~ lampu yg memakai gas utk nyalanya; ~ *adi* = ~ *lengai* = ~ *nadir* (Kim) kumpulan gas (helium, neon, argon, kripton, xenon, dan radon) yg tidak reaktif dan sangat stabil dr segi kimia; ~ *air mata* = ~ *pemedih mata* gas yg menyebabkan mata pedih dan berair, biasanya digunakan utk mengawal rusuhan; ~ *asli* gas yg diperoleh dr kerak bumi; ~ *ketawa* sj gas (nitrus oksida) yg digunakan sbg ubat pelali; ~ *petroleum cecair* (Kim) gas butana atau propana yg dicecairkan secara tekanan dan disimpan di dlm tabung gas; ~ *sahih* = ~ *tak sempurna* (Kim) gas yg mempunyai saiz tertentu dan terdapat daya tarikan di antara molekul-molekulnya, iaitu gas yg tidak menunjukkan sifat gas unggul; ~ *sempurna* = ~ *unggul* (Kim) gas hipotesis yg molekul-molekulnya dianggap terlalu kecil, bergerak secara rawak, dan tidak mempengaruhi satu sama lain.

gasak bp ikut suka (hati), biar (utk melakukan sesuatu), lantak;

menggasak **1.** melantak, memukul keras-keras: *ia digasak oleh lawannya hingga pengsan*; **2.** menghentam, mengerjakan dgn keras-keras, makan (lari dll) dgn cepat-cepat: *biarlah ia ~ sendiri rojak itu*; **3.** merebut dgn kekerasan: *dia yg ~ duit saya dr dlm saku*; **4.** bk bersetubuh dgn (perempuan);

menggasakkan melantakkan, memasukkan (dgn keras): ~ *baji*.

gasal ganjil (tidak genap), angka yg tidak boleh dibahagi dua (3, 5, 7, dsb); *empat* ~, *lima genap*, *dikendur berdentang-dentang*, *ditegang berjela-jela* prb tutur kata orang yg bijaksana selalu tersembunyi maksudnya.

gasan Kl bermain kasar, berkelakuan tidak sopan.

gasang I 1. sangat suka bersetubuh, sangat bernafsu; 2. Kl kasar (kelakuan), bengis; 3. Pr memakai barang dgn tidak cermat;

kegasangan perihal sangat suka bersetubuh: ~ *lelaki*.

gasang II Mn tergesa-gesa; → **gesa**.

gasar ganas dan kasar; *orang* ~ orang yg ganas dan kasar (tidak bertamadun, tidak beradab).

gaser (gasér) Kl kasar (perbuatan dll).

gasi-gasi ark gergasi.

gasing I alat permainan drpd kayu dan berpaksi yg dapat dipusingkan dgn tali;

bergasing bermain gasing.

gasing II; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Cyclea laxiflora*.

gasing-gasing sj tumbuhan (pokok memanjat), kelempenang, mempenang, akar gasing putih, *Pericamphylus glaucus (incanus)*.

gasir → **gangsir II**.

gasket (gaskét) (Kej) kepingan leper drpd bahan lembut yg diletakkan di antara dua permukaan logam (supaya ketat dan tidak ditembusi cecair atau gas).

gasolin minyak petrol.

gasometer (gasométer) sj tangki besar tempat menyimpan gas yg hendak disalurkan kpd pengguna melalui paip.

gasor Kl urut, picit, ramas;

menggasor, menggasorkan memicit.

gaster (Bio) bahagian salur pencernaan berbentuk kantung yg terletak di antara esofagus dan usus kecil, perut besar.

gastrektomi (gastréktomi) (Ubat) pembuangan seluruh atau sebahagian gaster secara pembedahan.

gastrik bp gastritis.

gastrin (Bio) hormon yg dirembes oleh lapik perut yg merangsang rembesan jus gaster.

gastritis (Ubat) radang pd membran mukus yg melapik perut, akibat pengambilan makanan yg tidak menentu, tekanan emosi atau bakteria.

gastroenteritis (gastroénteritis) (Ubat) radang perut dan usus.

gastroenterologi (gastroénterologi) kajian tentang perut dan usus serta penyakit yg berkaitan dengannya.

gastronomi kajian, seni atau amalan memilih, menyediakan atau memakan makanan yg baik.

gastroskop sj alat optik yg digunakan utk memeriksa bahagian dalaman perut.

gastrostomi (Ubat) pembentukan bukaan tiruan pd gaster secara pembedahan utk menyalurkan makanan masuk apabila saluran makanan yg normal tidak dapat berfungsi.

gat → **gad**.

gatal 1. (be)rasa tidak enak pd kulit hingga menimbulkan keinginan utk menggaru (disebabkan oleh gigitan semut, nyamuk, dsb atau kudis, luka, dsb): *jariku ~ benar, barangkali akan mendapat wang*; **2.** menyebabkan rasa gatal (kerana terkena ulat bulu dll); *daun ~ jelatang*; *sakit ~ menderita penyakit kudis*; *semut ~ semut yg menimbulkan rasa gatal*; **3.** suka bergaul secara bebas dgn bernafsu (lelaki, perempuan), galak; **4.** = **gatal-gatal** tidak dapat menahan keinginan utk membuat sesuatu, suka sekali hendak membuat sesuatu: *kakiku sudah ~ hendak berjoget*; *~ mulut* suka menceritakan keburukan orang; *~ tangan* sangat ingin hendak mengerjakan yg tidak-tidak; *diturutkan, ~ tiba ke tulang* prb sesiapa yg menurutkan nafsu akhirnya akan menyesal juga; *kini ~ besok digaruk* prb pertolongan

yg terlambat; *lain ~ lain digaruk* prb lain yg disoal, lain yg dijawab; *siapa ~ dialah menggaru* prb siapa yg berkehendak, berusaha sendiri;

menggatal berkelakuan suka usik-mengusik antara lelaki dgn perempuan dgn tujuan utk menggoda, memikat, dsb: *dah tua begini pun masih nak ~ lagi; lelaki ini makin tua makin ~;*

menggatakan menjadikan gatal: *getahnya kalau kena akan ~ badan;*

kegatalan perihal gatal, rasa gatal.

gatalbirah sj burung, burung kekek, *Anthracosceros malayanus*.

gatih KI berputar-putar, berpusing-pusing;

menggatih mengayuh (beca atau basikal);

penggatih **1.** alat utk mengayuh (basikal, beca); **2.** orang yg mengayuh (beca, basikal).

gatik KI bersama, berserta.

gatra Id kata atau kumpulan kata yg merupakan kesatuan dlm ayat.

GATT (gat) akronim bagi *General Agreement on Tariffs and Trade* (Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan).

gauk **1.** burung gagak; **2.** bunyi gagak;

menggauk berbunyi spt bunyi gagak.

gaul campur, baur, kacau;

bergaul **1.** bercampur (dgn), beraduk; **2.** berkenalan, berbaik-baik, dan bercampur dgn orang lain, berkawan, bersahabat: *begitulah aku ~ dan bermain dgn kawan-kawanku; kau harus ~ dgn rakyat supaya mengetahui bagaimana membimbing mereka;*

menggaul mengaduk, mencampur: *tanah itu mestilah digaul dgn baja;*

menggauli, **mempergauli** mencampuri, berkawan secara mesra dgn: *yg digauli Juriah orang muda-muda belaka;*

menggaulkan mencampurkan: *kapur perekat dibuat dgn ~ kapur mati, pasir dan air;*

pergaulan perihal bergaul, percampuran (persahabatan dll): *~nya di sekolah disukai oleh guru besar; ~ hidup* perihal hidup bergaul, kemasyarakatan.

gaun sj baju perempuan cara barat yg anggun atau utk pakaian formal;

bergaun memakai gaun: *dia ~ putih.*

gaung I bunyi (suara) yg memantul, gema;

bergaung bergema, berkumandang: *suara itu ~ masuk menjajah telinga.*

gaung II jurang yg dalam;

menggaung mengorek (lubang dll), menggali.

gawai I Jw kerja, tugas;

pegawai orang yg menjalankan tugas; → **pegawai.**

Gawai II Sr perayaan atau pesta keagamaan dan adat orang Iban; *Hari ~* hari kebesaran orang Iban.

gawal keliru, salah, silap.

gawang I 1. dua tiang terpancang yg disambung di atasnya dgn kayu palang; **2.** tiang gol (utk bola sepak dll); *penjaga ~ penjaga gol.*

gawang II; menggawangkan melambai-lambaikan tangan (utk mengusir binatang dll);

tergawang berkeadaan menggawangkan tangan.

gawar tanda rintangan atau larangan (tali dll);

gawar-gawar tali rotan yg digantung sbg tanda menegah orang datang dll (kerana penyakit yg berjangkit dsb).

gawat berbahaya, genting, tegang: *perdarahan demikian biasanya tidak begitu ~ tetapi perlu diadakan pemeriksaan dahulu;*

menggawatkan menimbulkan ketegangan, membahayakan (keadaan dll), menggantungkan (keadaan dll): *kekejaman yg dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin semakin ~;*

kegawatan keadaan gawat, kegentingan, ketegangan: *jelas sekali masyarakat yg didiskusikan oleh dramatisnya sedang berada dlm ~, kritikal, penuh krisis dan kekacauan; hanya beberapa hari sebelum dijalankan upacara akad nikah, barulah terjadi ~ itu.*

gay lelaki yg mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, lelaki homoseksual.

gaya 1. sikap, kesukaan, ketaksukaan dan cara berkelakuan yg menjadi ciri seseorang; 2. kombinasi kesajakan, keanggunan dan ketrampilan yg menarik perhatian: *wanita itu ada ~;* 3. cara, jalan, laku: *bukan begini ~nya memikat hati orang;* 4. cara menulis atau bertutur, cara membuat sesuatu, terutamanya yg menjadi ciri sesuatu zaman atau seseorang: *gedung ini dibangun ~ barat; ~ hidup orang Malaysia pd peringkat integrasi nasional; ~ bahasa cara pemakaian bahasa; ilmu ~ bahasa pengetahuan tentang penggunaan kata-kata dan penyusunan ayat;* 5. irama dan lagu, langgam: *~ muzik itu sama dgn lagu-lagu Hindustan;* 6. elok, rupawan: *gadis Sumatera Timur yg ~;* 7. daya (utk bergerak, bekerja, dll), kuasa, tenaga: *kalah ~ kalah kuat;* 8. Kl pujuk, muslihat, tipu;

~ bawa cara menulis dll sendiri; *~ bebas* gaya berenang yg membolehkan perenang menggunakan apa sahaja gaya berenang selain gaya yg khusus spt gaya kuak dada, kuak kupu-kupu dan kuak lentang; *~ hidup* cara tertentu seseorang individu atau sesuatu kumpulan menjalani kehidupan (dgn agak sederhana, mewah dsb); *~ tarik* Id kekuatan yg menarik (sesuatu benda); *~ tulis* cara mengarang;

~ *sahaja, rasanya wallah prb rupanya sahaja yg elok tetapi kelakuannya buruk; biar kurang garang, asal lebih* ~ prb biarpun pakaian seseorang buruk asal saja sikapnya elok;

gaya-gayanya rupa-rupanya, agaknya;

bergaya 1. menunjukkan kesajakan, (keanggunan, ketrampilan), menunjukkan lagak, beragam, berlagak, berperangai, bersikap: *dia nak ~ juga, tapi duitnya tidak ada; langkahnya ~ langkahnya teratur baik; 2.* menunjukkan corak, bentuk, rupa atau sifat yg tertentu: *sajak ini ~ realis dan romantis; 3.* berdaya, berkekuatan, bertenaga: *ia tidak ~ lagi berhadapan dgn adiknya;*

menggaya melagak: *ia ~-gaya pula di depan cermin;*

menggayakan 1. menunjukkan gaya (rupa, bentuk, dll), memperagakan: *kebetulan dia pandai ~ julingnya seolah-olah dia menjeling manis; ~ lenggang; 2.* melagukan, mengiramakan: *masing-masing berlumba ~ kata-kata indah; 3.* membangkitkan daya (kuasa);

penggayaan cara pengolahan atau persembahan sesuatu, pembentukan dan pencorakan: *masih terlalu sedikit diketahui tentang bagaimana nilai abstrak, alam bukan semula jadi, ~ watak, tempat dan masa boleh dipersembahkan dlm cara baru; pertandingan itu tidak memberi erti dr segi pengukuhan dan ~ bahasa.*

gayal kenyal, liat, melenting.

gayam I sj tumbuhan (pokok yg buahnya boleh dimakan), *Inocarpus edulis.*

gayam II sj kerang sungai, etak, *Asaphis spp.*

gayang bergoyang-goyang ke kiri kanan (tidak dapat berdiri tegak), terhuyung-hayang.

gayat berasa ngeri atau pusing (melihat ke bawah atau ke dlm dr tempat yg tinggi), gamang;

penggayat orang yg mudah berasa gayat.

gayau; *main* ~ permainan yg menggunakan buah bulat pipih.

gayem Jw; **menggayem** mengunyah makanan.

gayu NS tua (orang, pokok).

gayuh I; **bergayuh** bergantung rendah (buah-buahan dll); **gayut**.

gayuh II Jw ark; **menggayuh** mencapai (tujuan, cita-cita, dll).

gayuk; **menggayuk** mencengkau, mencapai.

gayun; **menggayun** membuaikan, mengayun, menggoncangkan.

gayung I pencedok air drpd tempurung dsb yg bertangkai, sibur.

gayung II 1. sl sj tongkat yg dipakai sbg senjata; **2.** pukulan, tetakan,

tikaman, dll (dgn senjata); *main* ~ bersilat (bertinju dll); **3.** = *ilmu* ~

sj mantera utk menyakitkan (membunuh dll) orang dr jauh;

~ *bersambut kata berjawab* prb mengelakkan serangan musuh atau

menjawab percakapan orang; ~ *tua*, ~ *memutus* prb cakap orang

tua-tua biasanya benar;

bergayung bersilat (bertikam dll);

orang ~ sama pandai sama bak kundi atas dulang prb sama arif

dan bijaksana;

menggayung 1. menetak, menikam, menombak dll (dgn senjata);

2. mengucapkan mantera utk membunuh musuh dll.

gayut; **bergayut** bergantung (lampu dll), berpaut (kera dll), berpegang

kuat-kuat: *budak itu ~ pd dahan kayu*;

bergayutan bergayut banyak-banyak: *lampu-lampu hijau merah ~ di sekeliling masjid*;

menggayuti 1. menyangkut sesuatu pd: *rantai itu ~ kakiku*

sewaktu di penjara; **2.** ki menjadi beban kerana tanggungan dll:

sejak kematian suami, tugas mendidik anak telah ~ dirinya;

menggayutkan menyangkutkan, menggantungkan: *ia ~ songkok pd sangkutan di dinding;*

gayutan sangkutan, cantelan; → **senggayut**.

gaz ark ukuran panjang (kira-kira 33 inci atau 83.82 sentimeter).

gazebo (gazébo) sj pondok kecil tanpa dinding, yg terletak di taman rekreasi, di halaman rumah dsb, tempat orang berehat, menikmati pemandangan sekeliling dsb.

gazel (gazél) sj antelop kecil drpd famili Antilopinae yg terdapat di Afrika atau Asia.

gazet (gazét) **I**; **menggazet**ewartakan, mengumumkan, atau mengisytiharkan (secara sah dlm media rasmi): *Ireland digazet sbg sebuah republik.*

gazet (gazét) **II** treler (sedutan filem).

gazetir (gazétir) (Geog) indeks yg menerangkan nama geografi dsb.

GB kep gigabait.

Ge simbol kimia bagi germanium.

gear (géar) susunan roda-roda bergigi dlm enjin yg membolehkan kuasa dihantar dr satu bahagian ke bahagian lain utk menukar kelajuan atau arah pergerakan;

menggear menggunakan gear.

gebah (Sunda); **menggebah** menakutkan, menggertak, menghalau.

gebal Kl; **menggebal** menganyam, menyusun: *ibu pandai ~ tikar.*

gebang Jw sj tumbuhan (palma), *Corypha utan.*

gebang (gébang); **bergebang** berbual, bersembang: *pd setiap mesyuarat yg mereka adakan, mereka cuma ~-gebang saja.*

gebar I = *kain* ~ (kain) selimut.

gebar II Kl bimbang.

gebeng (gébéng) **I**; *perahu* ~ perahu yg mempunyai bilik yg kecil.

gebeng (gébéng) **II** Kl besar (lebar) drpd biasa; *dayung* ~ dayung yg daunnya (papan lebar) dipakukan pd batangnya.

geblek Jk bodoh, tolol.

geblok Jk **1.** = **segeblok** segulung kain (28 - 30 ela atau 25 - 27 meter); **2.** sebungkus wang kertas.

gebok (gébok) Jk; **menggebok** memukul (dgn kayu dll).

gebos Jk; **menggebos** memaki, mengherdik, menengking.

gebrak Jw; **menggebrak** memukul keras-keras (meja dll).

gebu I 1. lembut (ubi dll), gembur (tanah); **2.** penuh berisi, licin dan halus kulitnya: *pipinya* yg ~.

gebu II Id; **menggebu** menyala, berkobar (perang, pemberontakan, semangat, dll).

gebuk I Jk; **menggebuk** memukul.

gebuk II Ph sj kotak berbentuk bulat dan panjang.

gecar I 1. keluar air liur (kerana melihat makanan yg sedap-sedap dsb); **2.** cair (bubur, darah, dll).

gecar II, gecer Jk; **menggecarkan** menakutkan, menggetarkan.

gedabah perhiasan rambut berbentuk segi tiga yg dibuat drpd emas.

gedabak bunyi spt bunyi barang berat jatuh ke tanah (kaki dihentak-hentak ke lantai dll); → **gedebak**.

gedabang 1. sj ikan laut, nyiur-nyiur, *Monodactylus argenteus*; **2.** sj ikan laut, *Psettus argenteus*; **3.** = *kekek* ~ sj ikan laut, kapak, *Mene maculata*.

gedabir kulit atau daging bawah leher lembu (orang tua dll) yg kelihatan berjuluran (kendur), gelambir, gelabir.

gedabu sj tumbuhan (pokok), *Sonneratia griffithii*.

gedabung; *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput mata burung puding, tebu salah, *Phragmites communis*.

gedak; ~-*geduk* bunyi gendang, tong berantukan.

gedang I Mn besar; *rumah* ~ rumah keluarga;

~ *gerundang di kubangan*, ~ *ikan raya di lautan* prb orang-orang berpangkat di tempatnya masing-masing; ~ *kayu*, ~ *dahannya* prb kalau hasilnya banyak, banyak pula belanjanya; ~ *sbg dilambuk-lambuk*, *tinggi sbg dijunjung* prb membanggakan diri kerana kelebihan yg tidak ada;

menggedangkan membesarkan.

gedang II; menggedangkan sl meluruskan (apa-apa yg bengkok);

→ **kedang I**.

gedayang sj tumbuhan (pokok), bereksa, *Parkia javanica*.

gedayung gedayang.

gede (gedé) Jw besar.

gedebak; ~-*gedebuk* = ~-*gedebur* bunyi spt buah-buahan gugur (kaki dihentak ke tanah, jantung yg berdenyut keras);

menggedebak jatuh dgn bunyi gedebak, mendenyut keras-keras: *hatinya yg marah ~ pd tulang-tulang rusuknya*; → **gedabak**.

gedebang; ~-*gedebung* bunyi spt bunyi orang memukul (menghentam) dinding dll.

gedeber Kl kecut, kedut.

gedebuk I → **gedebak**.

gedebuk II Jw (kulit) batang pisang.

gedebung I 1. kain empat persegi utk pembungkus sirih atau tembakau;
2. tabung bambu.

gedebung II; *gedebang*-~; → **gedebang**.

gedebur; *gedebak*-~; → **gedebak**.

gedegah; ~-*gedeguh* bunyi spt barang berat jatuh ke tanah dll.

gedeguh; *gedegah* -~; → **gedegah**.

gedegun bunyi atau berbunyi kuat spt bunyi orang menghentak kaki ke lantai dgn kuat (menghentam pintu dsb).

gedehok Kd bangsal sementara yg didirikan utk orang memasak dan
menghidangkan makanan ketika mengadakan kenduri kahwin.

gedek (gedék) I Jw buluh yg dianyam utk dinding rumah (pagar dll),
anyaman sasak.

gedek (gedék) II Kl; **gedek-gedek** (buah) mata kucing.

gedembai sj hantu (barang siapa ditegurnya menjadi batu); → **kelambai**.

gedemi 1. sj ikan laut, kedemi, *Remora spp.*; 2. sj ikan laut, kemi,
Echeneis naucrates.

gedempol (gedémpol) gemuk: *badan ~*; *orang yg gemuk ~*; → **gemuk**.

gedempong (gedémpong); *gemuk ~* sangat gemuk, gemuk sekali.

gedempung bunyi gong atau gendang.

gedeng (gédéng) Jw berkas padi yg sudah dituai.

gedepu → **depu I**.

gedik bp = **tergedik-gedik** lincah (bkn gadis);

bergedik-gedik bergerak-gerak, terketar-ketar;

menggedik-gedikkan menggerak-gerakkan (bahagian badan spt
kaki dll sewaktu mengelamun);

kegedikan keadaan (sifat) gedik: *~ tubuh badannya yg montok*.

gedoboh longgar dan besar (baju dll).

gedogan Jw kandang kuda.

gedombak sj gendang kecil yg berkulit sebelah (dlm pertunjukan
makyung dan menora).

gedor Jk; **menggedor** 1. mengetuk keras-keras (pintu dll): *ia pergi ~*
pintu bilik Hasan dgn marahnya; 2. merampas, merompak;

gedoran 1. ketukan keras di pintu dll; 2. hasil rampasan;

penggedoran perihal atau perbuatan menggedor;

penggedor perompak, penyamun.

gedubang sj kelewang Aceh; **kedubang**.

geduk Tr beduk, tabuh.

gedung rumah besar drpd batu, bangunan utk pejabat dll;

~ *arca* = ~ *gajah* Id muzium (di Jakarta); ~ *bicara* a) gedung tempat bermesyuarat; b) gedung mahkamah; ~ *diskaun* (Eko) institusi kewangan yg membeli bil perbendaharaan atau instrumen kewangan jangka pendek yg lain dgn harga diskaun; ~ *ilmu* institusi tempat diperoleh ilmu pengetahuan (spt universiti atau maktab); ~ *kesenian* Id bangunan utk pertunjukan hasil-hasil seni (spt tarian, sandiwara, dll), balai budaya; ~ *komedi* Id gedung tempat pertunjukan sandiwara; ~ *penjelasan* rumah penjelasan; ~ *putih* istana Presiden Amerika Syarikat; ~ *senjata* tempat menyimpan senjata; ~ *terbitan* (Eko) institusi kewangan yg mencari modal utk syarikat swasta yg mantap yg mahu menjadi syarikat milik awam, dgn mengeluarkan saham bagi pihak mereka.

geduyut; bergeduyut melentur, melengkung.

gegabah Jk sangat berani, tergesa-gesa, kurang hati-hati, kasar (tabiat).

gegadan layak, patut, tertib.

gegai tidak kukuh (perahu, bangunan, dll).

gegak bising, riuh; ~ *gempita* riuh-rendah, sangat ramai.

gegala gala-gala, damar; → **gala I**.

gegaman Jw senjata.

gegambir gambir-gambir.

gegancu gerigi pd roda yg berkait pd rangkaian rantai atau lubang-lubang pd filem, kertas dsb: *bersihkan roda ~ dan pintu filem utk mengelakkan kerosakan filem.*

geganti (Kej) bahagian tengah roda.

gegap I; tergegap-gegap terhenti-henti bercakap, gagap.

gegap II gegak, bising, riuh; ~ *gempita* riuh-rendah.

gegar gentar, goncang, goyang;

bergegar bergoyang, bergoncang: *rumah itu pun ~ akibat letupan bom;*

menggegar menggeletar, menggetar, gemuruh: *bunyi letupan ~ hingga ke rumah-rumah yg berdekatan;*

menggegarkan menggoncangkan, menggoyangkan, menggetarkan: *satu letupan ~ kapal itu; jeritan hatiku yg amat ~ jantung;*

tergegar tergoncang, tergoyang: *kerana kemalangan itu otaknya ~, maka terpaksa ia dihantar ke rumah sakit gila;*

gegaran perihal bergegar: *rumah itu roboh kerana ~ gempa;*

penggegar unsur (orang atau alat) yg menggegarkan sesuatu: *beliau bukan sahaja penyeri tetapi juga ~ gelanggang.*

gegas I; bergegas, bergegas-gegas membuat sesuatu cepat-cepat, bercepat-cepat: *kerja orang muda biasanya ~, kerja orang tua berjujai;*

menggegas, menggegaskan mempercepat, menyegerakan, mendesak supaya cepat;

tergegas-gegas dlm keadaan bergegas.

gegas II penutup lubang peraka (pd kapal dll), bari.

gegas III Kl; **menggegas** mengerat bulu (sayap ayam dll) supaya tidak boleh terbang.

gegas IV (Kej) sambungan (kayu dll): *juru~;*

bergegas bersambung dgn gigi penyambung.

gegasing gasing-gasing.

gegat sj serangga yg suka makan kain (kertas dll), ngengat; *ubat ~ kapur barus atau naftalena dlm berbagai-bagai bentuk spt bebola yg digunakan utk menghalang gegat drpd merosakkan kain (kertas dll).*

gegau; tergegau sl tercengang, terkejut, terperanjat.

gegek (gégék) Kl suka.

gegelang sesuatu yg bentuknya spt gelang.

gegelema benda yg pekat dan melekat; → □ **gelema**.

gegeli geli-geli (sj tumbuhan).

gegelung 1. sesuatu yg berbentuk gelung: *wanita dr Myamar itu memakai ~ di keliling lehernya*; **2.** (Fiz) dawai berpilin berpenibat nipis yg digunakan utk mewujudkan medan magnet; ~ *aruhan* (Fiz) alat utk menghasilkan arus ulang-alik yg bervoltan tinggi drpd bekalan arus terus yg bervoltan rendah.

gendang sesuatu yg fungsinya atau bentuknya spt gendang; ~ *telinga* (Bio) membran keras yg menghantarkan getaran gelombang bunyi drpd bahagian telinga luar ke bahagian telinga tengah.

gegep (gégép) Id penyepit.

geger (gégér) **1.** gempar, hingar bingar, huru-hara; **2.** Kl, Tr bising; *jangan ~ jangan bising*;

bergeger bergentar, bergegar, bergema;

menggeger menjadi geger (gempar, huru-hara, dll);

menggegerkan menggemparkan, menyebabkan kacau-bilau: *penembakan di panggung wayang ~ orang-orang di sekitarnya*;

gegeran bunyi bising (riuh rendah), bunyi hingar bingar: *tak lama lagi ~ mesin bancuh simen yg membingitkan telinga akan lenyap pula*;

kegegeran perihal geger, kehebohan, kegemparan.

gegerit; *akar ~ jantan (merah, putih)* beberapa jenis tumbuhan (pokok memanjat), *Urceola spp.*

gegetar bunga perada (emas dll) yg mudah menggetar, dipakai sbg perhiasan di kepala pengantin perempuan.

gegetun Jk hairan, kecewa.

gegiring; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), *Crotalaria verrucosa*.

geiser (géiser) (Geo) **1.** mata air yg darinya terpancut air panas dan wap;
2. pancutan air panas dan wap dr mata air.

geisya (géisya) (Jepun) wanita Jepun yg terlatih sbg teman penghibur lelaki, spt utk menari, menyanyi, berbual-bual, minum-minum dsb.

gejala 1. tanda-tanda (akan terjadinya sesuatu), alamat, petanda: ~~~
keburukan akhlak kanak-kanak sudah mulai nampak; **2.** (Ubat)
perubahan dlm fungsi badan seseorang yg menunjukkan tanda-tanda adanya sesuatu penyakit yg berkaitan: ~~~ *demam denggi* .

gejolak nyala api yg besar (berkobar-kobar);

bergejolak menyala-nyala (api, perasaan, dll), berkobar-kobar (nafsu dll).

gejos Jk bunyi mendesis atau mendesir (spt bunyi besi panas kena air);
barang ~ barang palsu;

menggejos, menggejoskan menyebabkan bunyi desir (desis), mendesirkan, mendesiskan.

gejuju Mn; **menggejuju** naik ke atas bergumpal-gumpal (awan, asap, dll).

gel (gél) bahan kental yg berupa seakan-akan agar-agar, yg digunakan terutamanya utk membentuk fesyen rambut; ~ *silika* silika berbentuk butir-butir yg digunakan sbg bahan penyerap air.

gela Ph; **bergela** bocor (perahu).

gelabah ark sedih, susah hati, gelisah, tidak tentu arah;

menggelabah berada dlm keadaan tidak tentu arah, berasa resah gelisah: *ramai yg ~ menunggu arahan utk membayar cukai yg telah ditentukan*;

kegelabahan keadaan tidak tentu arah, keadaan resah gelisah.

gelabir kulit yg kendur pd leher lembu (orang tua dll), gelambir, gedabir.

gelabur; menggelabur mencebur ke dlm air, mencempung.

gelabut Kl sibuk, runsing, tidak tenteram.

geladah; menggeladah memeriksa dgn teliti (rumah, orang, dll) utk mencari sesuatu (barang curian dll): *berminggu Peringgi ~ segala ceruk rantau bandar Melaka*; → **geledah**.

geladak I lantai kapal, dek;

penumpang ~ penumpang yg tidak menyewa bilik; *rumah* ~ kabin yg berbentuk rumah di atas geladak kapal.

geladak II 1. = *anjing* ~ anjing liar (tidak dipelihara orang); **2.** bk penjahat; *perempuan* ~ pelacur (perempuan jalang).

geladak III; menggeladak bergemuruh, berbunyi dgn kuat: *bunyi letupan ~ di angkasa; ketawanya ~ lagi*.

geladir Jk lendir.

gelagah sj tumbuhan yg rupanya spt tebu, *Saccharum spontaneum*; ~ *boreh rambutan, orang berbunga dia berbunga, orang berbuah dia tidak* prb meniru-niru perbuatan orang lain kerana hendakkan keuntungan tetapi sia-sia belaka.

gelagak → **gelegak**.

gelagapan Jk tergagap-gagap, bingung.

gelagar; bergelagar berdegum-degum (meriam), berdentum, bergemuruh.

gelagat 1. tanda (akan terjadinya sesuatu): *melihat ~nya, perang dunia mungkin akan meletus juga*; **2.** tingkah laku, gerak-geri: *~nya membayangkan bahawa ia tetap akan mempertahankan maruah keluarganya*.

gelak tertawa besar: *kerana lucu ia ~ terbahak-bahak*;

~ *manis* tertawa dgn senyum; ~ *nabi* senyum yg mengejek; ~ *sumbing* ketawa yg tidak sungguh-sungguh; ~ *tertawa* = ~~~
ketawa tertawa kuat-kuat;

mengelakkan menertawakan, mengejek-ejek: *mereka itu ~ dan mengejek-ejek dia*;

tergelak tertawa dgn tidak sengaja; *bagai ~ sedang kematian* prb Mn keadaan yg susah.

gelakak tertawa terbahak-bahak.

gelalar; menggelalar merentak-rentak (spt anjing yg tertambat), merenggut-renggut (dgn maksud hendak melepaskan diri).

gelam I sj tumbuhan (pokok), kayu putih, *Melaleuca leucadendron*;

~ *bukit* sj tumbuhan (pokok kecil), *Leptospermum flavescens*; *tikus*

~ sj tumbuhan (pokok kecil), *Eugenia grata*.

gelam II sj burung, burung pucung bendang, *Ixobrychus cinnamomeus*.

gelama; ikan ~ sj ikan laut dlm famili *Seiaenidae*;

~ *batu* = ~ *hitam* = ~ *keling*, *Johnius spp.*; ~ *bongkok*, *Johnieops sina*; ~ *kuning dada* = ~ *papan*, *Nibea soldado*; ~ *cerua* = ~ *pisang* = ~ *rapang*, *Pennahia macrocephalus*; ~ *perak*, *Pennahia pawak*; ~ *jarang gigi* = ~ *tengkerong*, *Otolithes spp.*

gelamai penganan spt dodol (dibuat drpd tepung pulut, gula, dan santan);

menggelamai memasak gelamai; *tidak mudah ~, kurang haru cirit kambingan terlampau haru berlantingan* prb Mn kalau tidak hati-hati mengerjakan sesuatu tentu tidak selamat.

gelambir kulit yg kendur pd leher lembu (orang tua dll), gedabir;

bergelambir 1. mempunyai gelambir, kendur kulitnya atau isinya: *perut Tuk Wan yg tidak berbaju itu berlipat-lipat isinya dan ~*; **2.** =

menggelambir menyerupai gelambir, terayun-ayun spt gelambir.

gelandang I Id; bergelandangan 1. berkeliaran, bertualang, berjalan-jalan tanpa tujuan: *tindakan patut diambil utk mengawal orang-orang muda yg ~ di jalan-jalan raya*; **2.** ki merana: *di sinilah letaknya harapan yg bakal memberi sinar pd hatinya yg ~*;

gelandangan 1. = *orang* ~ orang yg pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap; **2.** tidak tentu tempat kediamannya atau

pekerjaannya: *seorang intelektual, yg menggunakan bahasa Indonesia, yg hidup secara ~.*

gelandang II Id hafbek.

gelandang III Jw; **menggelandang** menyeret (dgn paksa), menghela.

gelang I 1. sesuatu yg berupa bulatan (lingkaran), cincin besar; **2.**

perhiasan berupa bulatan yg dipakai pd tangan atau kaki;

~ *bajang* gelang sbg tangkal (dibuat drpd benang hitam); ~

benzena (Kim) susunan enam atom karbon dan atom hidrogen yg membentuk gelang heksagon dlm satu satah; ~ *dayung* gelang

nipis yg hujungnya spt sudu; ~ *kana* gelang sbg perhiasan utk

anak-anak atau pengantin; ~ *keroncong* gelang kaki yg

bergemerenging; ~ *kunci* gelang utk menggantungkan anak kunci;

~ *mayang* = ~ *cerai* gelang halus-halus yg dipakai banyak-banyak,

gelang berurai; ~ *pertumbuhan* (Bio) a) lapisan kayu yg tumbuh dlm satu musim pertumbuhan, dan kelihatan spt gelang apabila

pokok ditebang; b) lapisan pd cangkerang moluska dan pd sisik

ikan yg menandakan pertumbuhan yg sudah berlaku; ~ *rantai* a)

mata rantai; b) gelang yg berupa rantai; ~ *tahunan* (Bio) a) lapisan

pertumbuhan yg terjadi dlm setahun dan digunakan utk mengira

umur pokok; b) gelang yg menandakan pertumbuhan pd

cangkerang;

~ *tidak laga sebertuk, laga keduanya* prb suatu kejadian spt

perkelahian dll tidak berasal drpd satu pihak saja; *bagai menambah*

~ *bini* prb Mn pemberian kpd orang yg sudah mempunyai benda

yg sama;

gelang-gelang 1. benda yg bentuknya spt gelang; **2.** = ~ *raya* sj

cacing dlm perut manusia (binatang); **3.** = ~ *tanah* sj cacing yg

hidup dlm tanah;

menggelang (Tani) membuang kulit di sekeliling pangkal pokok supaya mati;

pergelangan 1. = ~ *tangan* bahagian tangan dekat buku tangan; **2.** = ~ *kaki* bahagian kaki dekat buku kaki.

gelang II; *rotan* ~ sj tumbuhan (palma), rotan cincin (duduk, jelutung, kemunting, kerai, perupuh, segera), *Daemonorhops geniculatus*.

gelang (gélang) **I;** ~ *laut* sj tumbuhan (pokok melata), sepit-sepit, *Sesuvium portulacastrum*; ~ *pasir* sj tumbuhan (herba), rumput beremi, segan jantan, *Portulaca oleracea*.

gelang (gélang) **II Mn;** **bergelang-gelang** gilang-gemilang.

gelanggang 1. tempat menyabung ayam (bertinju, bermain sukan, dll); **2.** medan perang (pertempuran, pertarungan, dsb); ~ *perang* medan perang; **3.** lingkaran di sekeliling bulan (matahari, susu, luka, dll); **4.** ki ruangan atau tempat perjuangan sesuatu bidang: *institusi sastera terus menjadi ~ bertembung, berdialog, dan berdirinya pemikiran yg kritis; tak pernah masuk ~ bergong prb tercengang-cengang* (kehairanan);

bergelanggang 1. memakai gelanggang; **2.** ki bertempur; **3.** berlingkaran: *air matanya mulai ~ di tepi matanya; ~ mata orang banyak prb sudah terang dan nyata sekali*;

menggelanggang mengadakan tempat utk menyabung ayam: *hendak ~ tujuh hari lamanya, dan hendak memotong kerbau empat belas ekor*.

gelangsar; menggelangsar meluncur ke muka, menggelincir.

gelangsir gelangsar.

gelantang I Jk; **menggelantang** menjemur pakaian yg masih bersabun di tempat yg panas; → **kelantang I**.

gelantang II; *guling-~*; → **guling**.

gelanting, gelantung bergantung berayun-ayun, bergayut, kontang-kanting;

bergelantungan bergantung, bergayutan.

gelap **1.** tidak terdapat cahaya, kelam, tidak terang: *hari mulai ~ lebih kurang pd pukul tujuh malam; keadaan di tempat itu ~*; **2.** tidak jelas atau belum jelas (bkn sesuatu hal, perkara, kedudukan, dll): *hal itu masih ~ bagi saya; (masih) dlm ~ (masih) belum faham benar atau tahu dgn jelas akan sesuatu*; **3.** tidak cerah (bkn kehidupan atau masa depan seseorang dsb), menghadapi kesulitan; **4.** (secara) haram, (secara) tidak sah, (secara) rahsia; *barang ~ barang yg diimport (dijual dll) secara gelap; mata-mata ~ ampama (pengintip rahsia, polis rahsia); pasar ~ tempat berjual beli barang-barang haram (yg ditegah oleh kerajaan)*;

~ buta = ~ -guguk = ~ -gelita = ~-gelemat = ~-katup = ~-pekat sangat gelap; ~ fikiran = ~ mata a) tidak dapat berfikir lagi kerana marah dsb (sehingga mengamuk, memukul, dsb); b) pitam: dia dibawa ke hospital setelah dia berasa ~ mata; ~ hati sukar (tidak mudah) belajar;

bergelap berada dlm gelap (tidak memakai lampu): *pd malam hari peraturan ~ dijalankan;*

bergelap-gelap tidak dgn terus terang;

menggelap **1.** menjadi gelap; **2.** lenyap, melenyapkan diri; **3.** menjadi gelap mata;

menggelapkan **1.** menjadikan gelap, menjadikan tidak diterangi cahaya (dgn mematikan lampu dll): *jangan digelapkan bilik ini kerana saya hendak membaca lagi*; **2.** menyebabkan tidak cerah (masa depan seseorang dll), menyulitkan, menyusahkan: *kata-kata itu benar-benar ~ masa depan keluarganya*; **3.** menghilangkan atau mencuri (barang yg diamanahkan orang dll): *ia telah ~ wang*

kesatuan; 4. menyembunyikan, menghalangi (tersebaranya berita dll): pihak penjajah telah ~ pengiriman berita;

kegelapan 1. perihal gelap, keadaan gelap: *ia keluar dr rumahnya dlm ~ malam; suasana politik dunia sekarang masih dlm ~;* **2.** berada dlm gelap: *kalau tidak cepat pulang tentu ~ di tengah jalan;* **3.** menjadi gelap mata;

kegelap-gelapan 1. agak gelap; **2.** menjadi gelap mata;

penggelapan perihal atau perbuatan menggelapkan (barang, berita, dll): *orang yg terlibat dlm ~ barang-barang kerajaan telah ditangkap.*

gelar I = gelaran 1. panggilan (sebutan) spt Tengku (Raja, Tun, Datuk, dll); *~ kehormat gelar yg diberi kerana jasa seseorang;* **2.** nama julukan (yg ada hubungannya dgn sifat atau keadaan seseorang dll, spt si bopeng, si bahlul, si kedekut, dll);

bergelar memakai gelar: *orang yg dipanggil Sutan itu sebenarnya ~ Sutan Bagindaseraya;*

menggelar, menggelari memberi gelar, memberi nama julukan dll: *kalau Sultan ~ orang, maka baginda diadap orang spt adat utusan datang.*

gelar II Jw; **menggelar** membentangkan, menghamparkan (tikar dll).

gelar III Ph sebab.

gelas 1. bekas utk minum (sirap, air, dll) yg tidak bertangkai, biasanya dibuat drpd kaca: *~ anggur;* **2.** kaca: *cincin-cincin itu bermata batu atau ~;*

bergelas-gelasan Mn melagakan layang-layang (berusaha memotong tali lawan) dgn tali yg dilekatkan serbuk kaca;

menggelas melekatkan serbuk kaca pd tali layang-layang.

gelatak I → **geletak** (gelétak).

gelatak II cerewet, lidah panjang, banyak mulut.

gelatak III; menggelatak menggeletek, mencubit-cubit, menggelikan.

gelatang Jk → **gelantang I**.

gelatik Jk → **jelatik**.

gelatin (gélatin) sj bahan yg jernih warnanya (tidak mempunyai bau atau rasa) yg dibuat drpd tulang-tulang dan kulit binatang yg direbus.

gelatuk; menggelatuk menggeletuk (gigi dsb kerana kesejukan atau ketakutan), gementar: *Mamat menggigil kerana takut, giginya ~; ~ sekalian sendi anggotanya oleh kesejukan.*

gelawai sj tumbuhan (pokok), *Buchanania sessilifolia*.

gelayangan Jk berkeliaran, merayau, bergelandangan.

gelayaran Jw terhuyung-hayang.

geldik Kl lentik, kedik.

gelebah sl sedih, duka, gelisah; **gelabah**.

gelebak; menggelebak bunyi spt bunyi nyiur gugur (buku jatuh dsb).

gelebap gelebak.

gelebar; tergelebar jatuh berserak (cerai-berai).

gelebar (gelébar); **tergelebar** berkibar-kibar (bendera dll).

gelebat (gelébat) dayung yg kedua-dua belah hujungnya berdaun, kelibat.

gelebek (gelébék) Kl terturun ke bawah (bibir), herot.

geleber (gelébé); **menggeleber, geleberan** Id terkelepai (gelambir, pial ayam, dll), terkulai ke bawah (bendera dll): *ia meraba-raba perut kambingnya yg ~ itu.*

gelebuk bunyi barang jatuh dll.

gelebung; ~ *buaya* Kl sj penganan (dibuat drpd tepung pulut, nyiur muda, dan gula).

geleca ark sj tilam nipis.

gelecah tergelincir, tergeliat, tersalah langkah.

gelecak → **gelegak**.

gelecek (gelécék); **gelecak** (gelécak); **menggelecek** menggelangsar, menggelincir;

tergelecek tergelangsar, tergelincir: *masa kawan ~ dlm sungai, kawan rasa beban di belakang badan kawan jatuh ke dlm sungai.*

gelecok (gelécok) NS tergelincat, melanting, melencong.

geledah (gelédah); **menggeledah** memeriksa dgn tujuan mendapatkan sesuatu (barang curian, senjata haram, dll), menyelongkar (rumah dll), menggeladah: *sesudah ~ sekolah itu, pihak polis menemui lima pucuk senapang;*

penggeledahan perihal atau perbuatan menggeledah, pemeriksaan: *~ rumah itu tidak memberi hasil apa-apa;*

penggeledah orang yg menggeledah.

geledang; menggeledang mendepangkan tangan.

geledek (gelédék) Jk petir, guruh;

menggeledek berbunyi spt geledek, gemuruh.

geleding; menggeleding meledung (papan, kayu dll), melendut.

geleduh → **beleduh**.

geledur; menggeledur berlipat-lipat (spt kulit perut orang gemuk dll).

gelegak; menggelegak **1.** mendidih dan berbunyi (spt air), membual: *air sedang ~ di dapur;* **2.** ki naik darah (marah): *apabila ia terusik dlm bulan puasa, darahnya lekas ~;* **3.** ki bergelora: *hatinya begitu ~ dgn kemarahan;*

menggelegakkan mendidihkan.

gelegar I bunyi gemuruh (meriam, letupan bom, dll); *~ buluh* cakap besar (tetapi kosong belaka);

menggelegar bergemuruh (guruh, letupan, dll).

gelegar II kayu (balak) yg menyangga lantai, jeriau.

gelegata sj penyakit kulit, badan-bedan, bengkak-bengkak atau bintil-bintil pd badan kerana panas dll.

gelelah Kl; **tergelelah** tersalah urat (tulang).

gelehok Kd; **bergelehok** berlubang besar.

gelek (gélék) I; *tarian* ~ tarian dgn gerakan tubuh yg liang-liuk;

menggelek 1. berguling, bergolek, berbalik-balik: *guli yg sedang ~ itu disekatnya*; 2. menggiling, menggilas, menindih sampai pipih (hancur): *siapa tahu kalau-kalau dia digelek kereta*; 3. menggiling di antara dua belah tapak tangan supaya menjadi bulat (lilin, tanah liat dll), menggentel: *lengannya spt lilin digelek*; 4. melenggok-lenggokkan atau menggerakkan badan ke kiri dan ke kanan berganti-ganti;

tergelek kena gelek, tergilas, terlindas;

gelekan 1. gerakan tubuh (punggung dsb) yg liang-liuk, terutamanya ketika menari: *penari itu menari dgn ~ yg mempesonakan*; 2. perbuatan atau hasil menggelek: ~ *eloklah dibuat selepas rumput dipotong*;

penggelek penggiling.

gelek (gélék) II Mn; **menggelek** mengelokkan badan dll utk mengelakkan pukulan dll, mengelak;

menggelekkkan mengelakkan (diri).

gelekak; **menggelekak** melekang, terkelupas (cat, kulit, dll), terkelopak.

gelekek (gelékék); **menggelekek** tertawa terkekek-kekek.

gelekok (gelékok) Kl bengkok-bengkok (ular dll).

gelelok (gelélok) Kl bengkok-bengkok.

gelema dahak; **gegelema**.

gelemaca (Bio) benda pekat yg memenuhi ruangan mata (antara kanta dgn retina).

gelemair (Bio) benda cair di hadapan kanta mata.

geleman geman, gugup, takut; *geli*~ jijik.

gelemat I geladak perahu di sebelah haluan dan buritannya.

gelemat II; *gelap*-~ Kl = *kelam*-~ Kd sangat gelap, gelap-gelita.

gelemayar → **kelemayar I**.

gelembai → **kelambai**.

gelembur (gelémbér) = **gelemburan** Jk gelambir.

gelembung 1. sesuatu yg berisi udara, bola-bola air (sabun, buih, dll); **2**.

= **gelembungan** bola-bola getah permainan budak-budak, belon; ~ *paru* Id gelembung dlm paru-paru;

bergelembung, menggelembung menjadi kembung kerana berisi udara dll;

gelembung-gelembungan; *main* ~ permainan membuat gelembung-gelembung drpd air sabun dll.

gelembur; menggelembur menggelambir, berkerut-kerut (kulit orang tua dll).

gelempung I bunyi rebana (gendang dll);

bergelempung berbunyi (rebana, gendang, dll).

gelempung II sj kapas utk membalut luka.

gelen (gélén) unit sukatan cecair yg bersamaan dgn 4.55 liter;

bergelen-gelen banyak gelen (air, minyak dsb): *biasanya dia membeli ~ minyak petrol utk enjin sampannya sebelum turun ke laut.*

gelenang (gelénang) **I**; **tergelenang** tergenang (air mata dll).

gelenang (gelénang) **II** alat muzik gamelan yg terdiri drpd tiga buah gong kecil.

gelencong (geléncong); **tergelencong** menyimpang, terpesong: *angin barat daya ialah angin timuran tenggara yg ~ dr selatan khatulistiwa.*

gelendong (geléndong) **I** sesuatu (drpd kayu, buluh, dll) tempat benang dll digulung, kumparan: ~ *filem dibuat drpd logam atau plastik, dan terdapat dlm beberapa saiz dan corak.*

gelendong (geléndong) **II** Kl kendur, bengkok, tidak lurus.

geleng (géléng) = **gelengan** gerakan ke kiri ke kanan atau sebaliknya (kepala); ~ *spt si patung kenyang* prb berjalan dgn sombongnya, sombong;

bergeleng, bergeleng-geleng bergoyang (kepala) ke kiri ke kanan atau sebaliknya;

menggeleng = ~ *kepala* menggoyang kepala ke kiri ke kanan atau sebaliknya;

menggelengkan menggoyangkan kepala tanda tidak setuju (tidak mahu, hairan, kasihan, dll) : *apabila anak-anaknya sudah ~ kepala, tidak mahu minum lagi, barulah Dolah meneguk teh;*

tergeleng tergoyang (kepala) ke kiri ke kanan atau sebaliknya: *dia memastikan kepalanya yg ~ itu tidak menerima apa yg dikatakan oleh Pak Ciknya.*

gelenggang (gelénggang) sj tumbuhan (herba yg daunnya dibuat ubat kurap, kayap dll), daun kurap, *Cassia alata*.

gelentang; guling-~ = golek-~ berguling-guling, berbalik-balik, bergolek-golek.

gelentar; menggelentar gementar, menggigil, berdegup-degup (hati dll);
→ **geletar**.

gelenting; menggelenting melentur, melenting, menjadi bengkok;
→ **lenting I**.

gelentok (geléntok); **menggelentok** terkulai, melentok: *ayam kepunyaannya terkapai-kapai, lantas ~ jatuh mati.*

gelenyar I; menggelenyar semut-semutan, kebas.

gelenyar II Kl tidak duduk diam, meronta-ronta, gatal, perasaan spt digigit (bkn badan dll).

gelenyeh (gelényéh) Kl **1.** tumpul (pisau dll); **2.** ki gatal (perempuan dll).

gelepai; menggelepai terkulai ke bawah (dahan yg patah, bendera yg basah, dll), terkelepai; → **kelepai**.

gelepak; menggelepak bergantung terkulai (spt layar yg tidak ditiup angin dll), bergantung mengelepai.

gelepar; menggelepar, menggelepar-gelepar menggelupur, bergerak-gerak mengibas-ngibaskan sayap: *setelah beberapa kali ~, ayam yg disembelih itu pun mati*;

menggeleparkan, menggelepar-geleparkan menggerak-gerakkan sayap.

geleplik; menggeleplik menggelepak, bergantung terkulai.

gelepok (gelépok) kotor kerana kena lumpur, berlumpur.

gelepot (gelépot) → **gelepok**.

gelepong bunyi barang jatuh ke dlm air, cempelung, celempung.

gelepur melompat dan memukul-mukulkan sayap (ayam berlaga dll); *tinggi ~ rendah laga* prb sombong (banyak bercakap tanpa hasil);

menggelepur melawan dgn memukul-mukulkan sayap serta kaki (ayam dll); **kelepur**.

gelesai; menggelesai menggelepar (burung dll), menggerak-gerakkan kepak.

gelese (gelésék); **menggelese** menggosok, menggesek-gesek (kasut, biola, dll).

geleser (gelésér) **I**; **menggeleser** bergerak-gerak terus-menerus, menggelepar-gelepar.

geleser (gelésér) **II**; **menggeleser** mulai berpusing (roda dll).

geleta (geléta) sj buyung atau kendi yg berleher panjang.

geletah Kl gelenyar.

geletak Tr berkeinginan sangat: *dia ~ hendak berkahwin kerana sudah lama membujang*.

geletak (gelétak); **menggeletak, tergeletak** terbaring, terlantar di atas tanah dll: *apabila dipukul, rebahlah ia ~ di atas lantai.*

geletar; menggeletar gementar (kerana ketakutan, demam, dll), menggentar, bergentar (gitar, suara, dll): *takutlah ia, ~ segala sendi anggotanya;*

menggeletarkan menyebabkan sesuatu menggeletar: *rasa takutnya pd suara itu ~ seluruh tubuhnya; gelentar.*

geletas Kl gatal (perempuan), galak.

geletek (geléték) **1.** perbuatan mencuit (mencubit) supaya jadi geli; **2.** ki hasutan, galakan (supaya jadi berani), rangsangan; *hilang geli kerana ~ prb sesuatu yg kurang menyenangkan itu hilang apabila menjadi kebiasaan;*

menggeletek 1. mencuit (mencubit) supaya jadi geli: *orang tua cepat melatah apabila digeletek; 2.* menghasut, menggalakkan, memberangsangkan: *kalau tidak digeletek, perkelahian mungkin tidak akan timbul.*

geletik; menggeletik 1. bergerak liat-liut (spt ulat), menggelepar, meronta-ronta; **2.** berbunyi spt bunyi jam (tik, tik, tik) dll; **3.** berdebar-debar (jantung), bergerak (hati): *hatinya ~ mendengar khabar itu.*

geleting; menggeleting berbunyi keleting (loceng dll).

geletis I; menggeletis berputar-putar dgn cepat, menggeliat, bergerak-gerak (geliang-geliut).

geletis II; menggeletis gatal, miang.

geletuk; menggeletuk berbunyi macam bunyi gigi bersentuhan (kerana menggigil dll).

gelewak (geléwak) Kl, Tr → **kelewak.**

geli I 1. rasa badan kalau digeletek; **2.** rasa hendak ketawa (kerana lawak jenaka dll): *~ ia melihat kelakuan anaknya; 3.* berasa ngilu atau

ngeri (mendengar bunyi orang mengikir besi dll); **4.** berasa jijik dan seram melihat sesuatu spt ular, lintah, dll; **5.** berasa jijik, mual, atau loya apabila terlihat atau terhidu benda yg kotor dan busuk;

~-geman = ~-geleman jijik; *~ hati* rasa hendak ketawa; *habis ~ oleh geletek, habis bisa oleh biasa* prb kalau sudah biasa, sengsara pun akan tidak dirasakan lagi;

menggeli Mn memberanikan (ayam yg berlaga);

~ induk ayam prb memberanikan seorang penakut;

menggelikan **1.**= *~ hati* menimbulkan gelak ketawa; **2.** menimbulkan rasa geli: *maka banyak perkara yg ~ telah disaksikan;*

kegelian **1.** perihal geli, perasaan geli: *cerita Esah itu menimbulkan ~ juga di hatiku;* **2.** berasa geli: *benda itu melentuk-lentuk macam telinga arnab ~;*

penggeli orang yg mudah berasa geli (kalau digeletek); *~ hati* sesuatu yg menggelikan hati, lawak jenaka.

geli II; *buah ~ = geli-geli* buah pinggang, ginjal.

geliang; *~-geliat = ~-geliut* gerakan berkelok-kelok spt belut dipegang kepalanya;

menggeliang bergerak geliang-geliut: *~ bagai ular dipukul.*

geliat; *~ -geliut* geliang-geliut;

menggeliat **1.** merentang-rentangkan anggota badan (apabila bangun drpd tidur dll): *baru saja bangkit, ia menguap dan ~ sambil mengangkat kedua-dua belah tangannya ke atas;* **2.** memulas-mulas (benda yg kaku, ketat, dll);

menggeliatkan menyebabkan (diri seseorang) menggeliat: *Pak Tua ~ diri utk bebas drpd ikatan;*

tergeliat terpelecok, salah urat, terkilir (kaki, tangan, dll).

gelibar; **menggelibar** berkibar (bendera, layar, dll).

gelibas sj ikan laut, dengkis, *Siganus spp.*

gelibat I dayung yg kedua-dua hujungnya mempunyai daun; → **kelibat**

I.

gelibat II Kl hilang, lenyap (orang yg lari).

gelibir; menggelibir melengkung ke bawah dan tebal (bibir gajah dll).

gelicau; menggelicau berkicau, mencicit, mencecit (burung).

geliga sj batu hikmat yg dapat menghilangkan bisa dll (didapati dlm tubuh binatang spt ular, landak, dll);

bergeliga 1. mempunyai geliga; **2.** cerdik dan pintar; *otaknya ~* pandai, cerdik;

kegeligaan perihal pandai, cerdik.

geligah Kl; **bergeligah** berkerutu, kasar, bopeng, tidak licin (muka, permukaan jalan, dll).

geli-geli sj tumbuhan (tumbuh dlm paya), bekil, segeli, *Lasia spinosa*.

geligi; menggeligi menggigil.

geligin kayu pd perkakas tenun tempat menggulung benang, gelendong benang.

geligir; bergeligir berkerutu (langit-langit keras dll).

geligis I; menggeligis gementar, menggigil (kerana demam, kesejukan, ketakutan, dll).

geligis II Kl bengkok-bengkok, berliku-liku; **gerigis**.

geligit; menggeligit menggigit berkali-kali.

gelignit (gélignit) sj bahan letupan yg sangat kuat, yg digunakan utk meletupkan batu, bukit dsb.

geligut Kl menggigil (kerana kesejukan, ketakutan).

gelimang; bergelimang, bergelimangan berlumur dgn lumpur dll; → **gelumang**.

gelimbir berkelepai (pipi orang tua dll), terkulai.

gelimir selaput daging, sj kulit ari.

gelimpang; bergelimpangan berbaringan di lantai, tanah, dll dgn tidak teratur, bergulingan, menggeletak: *anak itu tidur ~ saja di atas tikar getah;*

menggelimpang bergulingan (orang terlalu letih dll), terbaring, terlantar;

tergelimpang tergeletak, terlantar.

gelimun; bergelimun; ~ *selimut* berselubung, berselimut;

menggelimuni menyelimuti: ~ *kepala*.

gelincat; tergelincat **1.** memantul balik, melenting (rotan dll); **2.** silap urat, tergeliat.

gelincik sj tumbuhan (pokok kecil), *Myrica farquhariana*.

gelincir; menggelincir hampir jatuh kerana terpijak sesuatu yg licin, menggeluncur, meleset;

menggelincirkan menyebabkan menggeluncur;

tergelincir **1.** tergeluncur, tergeser kerana licin, terlepas dr landasan (kereta api); **2.** mulai turun (matahari); **3.** ki terlanjur, terlepas (cakap); ~ *lidah* terlepas kata, salah mengatakan sesuatu;

gelinciran (Geo) retak pd kerak bumi yg menyebabkan muka bumi ternaik atau terturun.

gelincuh; tergelincuh tersandung, tersentuh, tertarung (kaki).

gelinding = gelindingan roda;

bergelinding, bergelindingan berguling-guling: *spt sekeping wang yg ~;*

menggelinding berguling;

menggelindingkan menggulingkan: *cerita Raja Sisyphus yg mengangkat batu dr kaki bukit ke atas, ~ batu itu ke bawah, mengangkat batu itu lagi ke atas.*

gelinggam sj cat merah yg dibuat drpd tumbuhan.

gelinggaman Mn geli-geman; → **geli I.**

gelingsir; bergelingsir, menggelingsir menggelincir, melincir, turun (matahari dll);

menggelingsirkan menjadikan bergelingsir: *maka Tun Tuah pun segeraldah ~ tangan bajunya.*

gelinjang; menggelinjang berkinja-kinja, melonjak-lonjak, meloncat-loncat (kerana suka dll), mendompak-dompak (kuda).

gelintang; tergelintang terbaring, menggeletak, tergelimpang: *anjing yg ditembak itu jatuh ~ di atas tanah.*

gelintar; menggelintar berkeliling mencari sesuatu.

gelintin; bergelintin kental, pekat.

gelintir 1. Jw butir, biji; **2.** orang (sbg penjodoh bilangan);

segelintir sekumpulan kecil (manusia): *mereka berusaha utk mempersalahkan seluruh kaum kerana dosa ~ manusia.*

gelinya sj perhiasan pd cuping telinga.

gelinyau Pk; menggelinyau gatal, gelisah (spt anak baru lahir).

gelip kelip.

gelipar; tergelipar terbeliut (mata pisau dll).

gelis (Sunda) cantik (gadis dll).

gelisah tidak tenang (hati), tidak tenteram, tidak sabar (menanti dll), risau: *hari sudah jauh malam, perempuan itu ~ memikirkan hal anaknya yg belum pulang lagi; resah ~ sangat gelisah;*

menggelisah berlaku (bertindak) gelisah, berada dlm keadaan gelisah: *ia duduk salah, berdiri tidak kena, ke sana ke mari ~;*

menggelisahkan menimbulkan atau menyebabkan rasa gelisah, mencemaskan, merunsingkan: *keluarnya Singapura drpd Malaysia ~ sebahagian besar penduduk di Malaysia;*

kegelisahan perihal gelisah, perasaan gelisah: *inilah punca penderitaan dan ~ jiwa.*

gelisar Kl gelisah.

gelita; *gelap*~ sangat gelap;

kegelitaan perihal (keadaan) gelita: ~ *akal*; → **gelap**.

gelitak; **menggelitak** menggelikan, menggaru supaya menjadi geli, menggeletek.

gelitar; **menggelitar** menggeletar, meronta-ronta.

geliting geletek.

geliung sj kapal layar yg besar di Eropah yg digunakan sbg kapal perang atau kapal dagang dr kurun ke-15 hingga ke-18.

geliut → **geliang**, **geliat**.

gelobak Kl **1.** luka parah; **2.** koyak, rosak.

gelobok; **menggelobok** berbunyi spt bunyi air dituang ke dlm sesuatu bekas.

gelobor sangat labuh dan longgar (baju).

gelocak I berkocak-kocak (air).

gelocak II Kl melecet (kulit), terkelupas (luka, cat, dll).

gelodak; **menggelodak** menggelegak (semangat, perasaan, dll):

lapangan puisi ialah salah satu saluran tempat mengucapkan bantahan, kebencian, keriang, dan perasaan jiwa yg ~;

menggelodakkan menyebabkan menggelodak: *percintaan yg digelodakkan oleh perasaan marah, sedih, dan pilu;*

kegelodakan keadaan menggelodak: *itulah ~ rasanya.*

gelodar I; **menggelodar** menggelepar-gelepar hendak melepaskan diri, meronta-ronta.

gelodar II berlumpur, keruh, kotor.

gelogok I; **menggelogok 1.** menggelegak; **2.** minum banyak-banyak dan terus masuk ke kerongkong hingga berbunyi, menggogok; **3.** melimpah, tertuang banyak-banyak (melimpah-limpah).

gelogok II Mn ancaman, ugutan; *salah* ~ membuat sesuatu dgn terburu-buru; *salah* ~ *hulu malang*, *pandai bertenggang hulu baik* prb hati-hatilah membuat pekerjaan kalau menginginkan keuntungan.

gelohok; tergelohok terbuka luas.

gelohong Tr terbuka (pintu rumah dll).

gelojak nyala api yg berkobar-kobar;

bergelojak, menggelojak menyala-nyala, berkobar-kobar; → **gejolak**.

gelojoh 1. lahap, rakus: *terlalu* ~ *pd makanan*; **2.** gopoh dan kasar, tidak cermat: *janganlah engkau buat sesuatu kerja itu dgn ~ dan gopoh*;

kegelojohan keadaan (sifat) gelojoh:~ *manusia menghapuskan keindahan alam di bumi Semerak amat dikesali oleh Pak Tua*.

gelokak terkelupas (kulit kayu dll), tidak melekat (kapur, cat, dll).

gelombang 1. ombak laut yg bergulung-gulung panjang, ombak besar:

laut mengganas dgn ~; ~nya membukit berlapis-lapis; ~ dua belas

Mn sj tarian pedang; **2.** = *riak* ~ Id aliran getaran (unsur bunyi,

cahaya dsb) yg bergerak dlm satu perantaraan: *radio Malaysia*

disiarkan melalui ~ pendek 49 meter; ~ bunyi; **3.** gerakan

(tindakan dsb) yg dilakukan berturut-turut (serangan tentera, tunjuk

perasaan, dll): ~ *pertama kapal-kapal terbang pengebom sudah*

berangkat; **4.** gerakan atau aliran (manusia dll) dlm kumpulan yg

besar, dan meliputi kawasan yg luas: ~ *pertama manusia yg*

dipanggil oleh Heine Gelden, seorang ahli prasejarah sbg 'Proto

Malaya';

~ *elektromagnet* (Fiz) gelombang tenaga yg dirambat dlm medan

elektromagnet; ~ *haba* (Fiz) gelombang udara panas yg besar dan

bergerak perlahan; ~ *mikro* (Fiz) gelombang elektromagnet yg

sangat pendek dgn jarak gelombang antara 1 - 300 mm, digunakan

terutamanya dlm perhubungan radio dan radar, memasak dsb,

mikrogelombang; ~ *panjang* (Fiz) gelombang radio yg jarak gelombangnya lebih drpd 1000 meter; ~ *pendek* (Fiz) gelombang radio yg jarak gelombangnya antara 10 - 100 meter; ~ *radio* (Fiz) gelombang tenaga elektrik yg bergerak melalui udara dan ruang angkasa, yg frekuensinya antara 10 KHz - 300 000 MHz; ~ *sederhana* (Fiz) gelombang radio yg jarak gelombangnya antara 100 - 1000 meter;

bagai ~ *dua belas* prb hebat (pendekar apabila menarikan pedang); *sama naik bak* ~, *sama turun bak ke pencong* prb dua hal atau kejadian yg sama keadaannya;

bergelombang 1. = **menggelombang** berombak panjang-panjang, mengombak; **2.** berlaku berturut-turut (serangan, tunjuk perasaan, dll): *serangan-serangan itu datang ~-gelombang.*

gelomor; menggelomor mengotorkan, mencemari.

gelompar; menggelompar melompat, meloncat (cepat).

gelondeng (gelondéng) Tr melekat kuat.

geloneng (gelonéng) sj gong kecil dlm permainan gamelan.

gelong Kd **1.** (barisan dll) yg tidak betul; **2.** tidak waras (bagi manusia).

gelonggang tali leher (utk anjing dll), kalung.

gelonggong Kl **1.** = **bergelonggong** berlubang (spt nyiur yg ditebuk tupai dll); **2.** lubang tempat ikan tinggal (dlm sungai dll); **3.** bukan perawan lagi (perempuan).

gelongsong → **kelongsong.**

gelongsor cerun licin drpd kayu dsb, tempat seseorang atau sesuatu meluncur turun;

menggelongsor menggeluncur (di atas lantai licin dll), meluncur turun (dr pohon, tiang, dll), menggelincir.

gelontor; menggelontor 1. menyimbah dgn banyak air (supaya hanyut); **2.** bk minum banyak-banyak.

gelopak; menggelopak terkelopak, terkelupas, terlelas (kulit kayu dll).

gelora 1. ombak yg melambung hebat, air laut yg bergelora dgn hebat, banjir besar; **2.** = *musim* ~ musim hujan dan badai, musim air bah; **3.** perasaan yg bergolak (tidak tenang); ~ *hati* perasaan hati yg bergolak-golak;

bergelora, menggelora 1. bergelombang besar, mengombak; **2.** sangat gelisah (perasaan), berkobar-kobar (semangat): *semangat kebangsaan telah ~*;

menggelorakan membangkitkan, mengobarkan (semangat dll), menaikkan perasaan.

gelorah, gelorat → **gelora.**

gelosang Mn; menggelosang menggesa-gesa, menyuruh (kerjakan dll) lekas-lekas.

gelosok; ~-gelusang = **menggelosok** menggosok-gosok, memulas dgn keras (kain cucian dll).

gelotak; menggelotak mengupas buah yg berkulit keras (nyiur dll); → **kelotak.**

geluduk Jw guruh.

geluga gelinggam.

gelugur 1. sj tumbuhan (pokok yg buahnya beralur-alur kulitnya dan boleh dimakan), *Garcinia atnoviridis*; *asam* ~ asam keping; **2** = *awan* ~ alur (sbg ukiran);

bergelugur mempunyai ukiran gelugur.

gelugut 1. bunyi kertak (gigi dll); **2.** sl bunyi gendang: *bunyi gendang itu hanya se~*;

bergelugut, menggelugut 1. menggigil (kerana kesejukan, demam, dll), berkertak (gigi): ~ *dagu kerana terlampau sejuk*; **2.** sl mengeluarkan bunyi gelugut: *dong, dong, dong, ~ bunyi gendang larangan.*

geluh I tanah liat.

geluh II Pn; ~ *leher* sembelih.

geluk bekas air drpd tempurung; *tudung* ~ sj bakul; *bagai* ~ *tinggal di air* prb orang yg melarat hanya menunggu bantuan orang.

gelulung Kl bergulung (daun pisang dll).

gelulur melincir turun (seluar dll).

gelumak; ~ *susu* sj tumbuhan (herba yg daunnya dibuat ubat), lempedu (mempedu) tanah, rumput kerak nasi, *Curanga felterrae (amara)*.

gelumang; **bergelumang** berlumur (dgn lumpur dll), penuh dgn kotoran dsb; ~ *dgn noda dan dosa* banyak noda dan dosanya, sudah banyak berbuat noda dan dosa; **gelimang**.

gelumat I → **gelemat I**.

gelumat II sl bising, riuh-rendah.

gelumbak sj tumbuhan (herba), *Plocoglottis foetida*.

gelumpung; *akar* ~ sj tumbuhan (akar memanjat), akar saut, akar timun dendang, mentimun paya, pedendang, *Adenia acuminata*.

geluncur; **menggeluncur**, **tergeluncur** meluncur turun (spt pd permukaan yg curam);

geluncuran gerakan meluncur turun (pd permukaan yg curam dsb): *tasik terbentuk melalui berbagai-bagai proses, antaranya melalui hakisan spt ~ air batu*.

gelundang Tr cair.

gelung I 1. lingkar, lengkung, gulung (tali, rotan, ular, dll); **2.** kelok, ikal (rambut dll); *sanggul* ~ kondai, sanggul;

bergelung melengkung, berlingkar: *ular* ~; *dawai yg ~ itu mesti diluruskan sebelum dipakai*;

menggelung 1. melengkung hingga menjadi gelung (rotan dll); **2.** membuat sanggul;

menggelungkan melingkarkan, melengkungkan;

tergelung-gelung terlingkar-lingkar;

gelungan lingkaran (dawai, rotan, dll).

gelung II Kd kumpulan (orang jahat dll).

gelung III Kl **1.** bendang (petak-petak); **2.** lorong bencah, jalan sempit.

gelung IV Kl harapan, gamak (menjadi sesuatu dll).

geluntur cacing besar dan merah warnanya.

gelup I; menggelup gugur atau tanggal (gigi).

gelup II; bekas air spt mangkuk kecil, sangku.

gelupar → **gelupur**.

gelupas; menggelupas terkelupas (kulit, cat, dll), terlepas.

gelupur; menggelupur bergerak-gerak sambil memukul-mukulkan sayap dll (ayam berlaga dll), menggelepar.

gelusang; gelosok~ memulas (menggosok) keras-keras; → **gelosok**.

gelut I gomol, gulat, perkelahian pura-pura (budak-budak dll); *adu* ~ perlawanan bergomol;

bergelut 1. peluk-memeluk dan guling-menggulingkan (spt orang bergusti), bergomol, bergulat, bergusti (utk menunjukkan kekuatan seseorang dll); **2.** berkelahi: *ia luka kerana ~ dgn tiga orang perompak*; **3.** bertungkus-lumus atau bergiat dgn hebatnya (melakukan atau mencuba mengatasi sesuatu), bertarung (bertentangan, bersaing, dsb): *suatu fakta penting utk penghidupan dlm dunia yg ~ dan berlumba-lumba ini; ~ dgn maut; bagai tupai* ~ prb perihal kehebatan langkah dll seorang pendekar;

menggelut memeluk hendak menghempas (menggulingkan dll);

pergelutan 1. perihal bergelut, perlawanan bergelut; **2.** perkelahian; **3.** usaha atau kegiatan bertungkus-lumus, pertarungan: *mereka membawa pulang bukan sahaja oleh-oleh malah kegigihan yg ditimba drpd ~ menyara hidup.*

gelut II Pr giat mengerjakan sesuatu, sibuk.

geluyur → **keluyur**.

gem (gém) bp tamat, selesai (permainan dll), menang.

gema **1.** bunyi yg berbalik, gaung, kumandang: *kelawar tidak boleh melihat dlm gelap, tetapi ia membuat suara-suara, dan ~ suara-suara inilah yg menyebabkan ia tidak terlanggar pd apa-apa*; **2.** ki kejadian sbg akibat suatu kejadian lain: *~ drpd ceramah Profesor Teeuw tempoh hari masih belum habis lagi*;

bergema, **menggema** bergaung, berkumandang, bertalun: *suara radio ~ di dlm ruangan itu*;

menggemai membuat gema pd: *suara azan ~ seluruh daerah itu*;

menggemakan menjadikan bergema.

gemai Kd padi yg diketam, diikat-ikat, dan diirik.

gemak; **menggemak**, **menggemak-gemak** memegang-megang (hendak mengetahui besar, berat, dll): *ia ~ ayam itu sebelum membelinya*; → **gamak**.

gemal banyak yg terdapat dlm secekak jari; *se~* sebanyak yg dapat dipegang dgn cekak jari, secekak: *se~ padi*;

bergemal-gemal banyak cekaknya, bercekak-cekak;

menggemal memegang dgn cekak jari.

gemala batu yg bercahaya dan mempunyai hikmat (berasal drpd ular, naga, dll); *~ hikmat* sj batu sakti; *buntat hendak menjadi ~* prb orang kecil hendak menjadi orang besar.

gemalai **1.** melambai-lambai (bkn daun nyiur dll), berayun-ayun; **2.** lemah dan manis (gerak tubuh dll); *lemah ~ melenggok-lenggok manis* (gerak tubuh seseorang gadis);

bergemalai melambai-lambai (ditiup angin): *daun-daun kelapa ~ dipupuk bayu*.

gemam gumam, kemam.

geman takut, ngeri; *geli-~*; → **geli I**.

gemang I besar (benda yg bulat torak), bayak.

gemang II Mn ngeri, takut; *gopoh*-- gugup;

penggemang penakut; → **gamang**.

gemang III sj ikan laut, sembilang, *Plotosus spp.*

gemap; tergemap tercengang, tergamam: *ketika mendengar berita itu, ~lah ia.*

gemar suka benar (berbuat sesuatu): *ia ~ berenang;*

bergemar bergembira, bersuka ria;

menggemari menyukai benar akan: *hikayat ini sangat laku kerana digemari orang;*

menggemarkan menggemirakan, menyukakan hati;

kegemar kesukaan, kegembiraan: *barang-barang ~ perempuan;*

penggemar orang yg menggemari, peminat: *memang sudah biasa majalah itu menyiarkan gambar dan kisah ~-nya.*

gemas 1. sangat kesal, amat jengkel (marah, benci, dll): *~ hatinya melihat orang yg tidak menaruh belas kasihan itu;* **2.** benci bercampur sayang;

menggemaskan menimbulkan rasa gemas.

gemaung bergaung, berkumandang, bergema.

gemawan 1. = *awan*-- bermacam-macam rupa awan; **2.** berarak (awan), melayang: *awan putih ~ lalu.*

gempa Kl kembang pipi (kerana ada sesuatu di dlm mulut).

gembadak sj tumbuhan (pokok renek), gaharu badak, *Phyllochlamys wallichii.*

gembak I jambak, rambut pd dahi kuda, rambut yg dipanjangkan pd ubun-ubun budak; → **gombak**.

gembak II Kl berombak (rambut dll).

gembala I **1.** orang yg menjaga atau memelihara ternakan (kambing, lembu, dll); ~ *kuda* pemelihara kuda; **2.** ki penjaga keselamatan orang ramai, pemimpin;

bagai ~ *diberi keris* prb orang yg mendapat sesuatu yg tidak berguna baginya; *gajah seekor* ~ *dua* prb satu pekerjaan diketuai oleh dua orang (dua orang laki-laki yg mencintai seorang perempuan);

bergembala mempunyai gembala (orang yg memelihara); *ternak* ~ *parak berpagar* prb harta benda harus dijaga;

menggembala menjaga, memelihara, memimpin: *anak muda itu menolong bapanya* ~ *lembu-lembu peliharaan mereka*;

penggembalaan **1.** perihal menggembala; **2.** = *tanah* ~ tempat menggembala binatang;

penggembala orang yg menggembala, gembala.

gembala II; ~ *gajah* sj burung, burung kambing, *Platysumarus leucopterus*; *burung* ~ *kera* sj burung, *Eupetes macrocerus*; *burung* ~ *kerbau* sj burung, *Acridotheris tristis*; *burung* ~ *pelanduk* sj burung, *Pitta sordida*; *burung* ~ *rimau* sj burung, burung kesumba, *Harpactes oreskios*.

gembar-gembur = **bergembar-gembur** bersorak-sorak, berseru-seru: *buatlah kerja awak, jangan asyik* ~ *saja*; *buah* ~ cakap besar, borak;

menggembar-gemburkan menyorak-nyorakkan, menyeru-nyerukan, melaung-laungkan: *apa gunanya semboyan palsu itu digembar-gemburkan*; *keburukan Pak Kasa sentiasa digembar-gemburkan*, terutama oleh watak Dogol.

gembel Id → **jembel**.

gembeng (gembéng) Id mudah (lekas) menangis.

gembereng (gembéring) Jw canang yg tidak bertombol di tengahnya.

gembira 1. = **bergembira** sangat suka, sangat girang, besar hati: “*Saya suka, saya ~,*” katanya; **2.** = *naik ~* = **bergembira** bangga dan berani, marah: *mendengar penghinaan itu, panglima itu pun naik ~, mukanya merah menyala;* **3** = **kegembiraan**;

menggembirakan 1. menimbulkan perasaan gembira, membawa kegembiraan: *kenangannya melayang kpd hari Natal yg ~ itu; sampaikan berita yg ~ kpd orang yg beriman;* **2.** memberanikan, menggiatkan;

kegembiraan keadaan gembira, kesukaan, kegirangan, kebanggaan, keberanian: *dia menceritakan kejayaannya kpd adik-adiknya dgn ~; tidak ada kata-kata yg hendak dilahirkan bagi menyatakan ~ hatinya; mereka dlm ~ menerima kurniaan dan kenikmatan Allah.*

gembeng Jw; **bergembeng** bersatu padu, berpadu menjadi satu;

tergembeng menjadi satu, dipersatukan;

penggembengan perihal atau perbuatan mempersatukan: *~ ideologi dan budaya.*

gembeng (gembléng); **menggembeng 1.** Jw menempa (besi) supaya menjadi tipis atau keras; **2.** ki menyatukan atau memadukan (tenaga, modal, dll) utk melakukan (menghasilkan, memperteguh, dsb) sesuatu: *penduduk kampung itu ~ tenaga utk membina jambatan itu; bank mempunyai peranan penting bagi ~ modal dlm negeri utk membiayai perusahaan; mengikut Paul Postal, tatabahasa transformasi-generatif ~ ciri-ciri utama tatabahasa tradisional;*

gembengan paduan, penyatuan: *kisah keluarga itu dipaparkan dlm penceritaan yg tersusun kemas dgn ~ unsur-unsur ketegangan yg memanjang;*

penggembengan perihal (perbuatan, usaha) menggembeng: *utk mencapai kemajuan, ~ tenaga amat perlu.*

gembok Jw repuh-repuh, induk kunci (yg tergantung).

gembol (gémbol) I Jw; **menggembol** membawa sesuatu dlm kain (kocek dll).

gembol (gémbol) II; **menggembol** kembang dan berisi (bkn pipi), tembam.

gembong (gémpong) Jw **1.** harimau; **2.** jago, juara, samseng; **3.** orang yg terkemuka, pemuka.

gembos Jw; **menggembos** menjadi kempis (tiub dll).

gembreng → **gembereng**.

gembuk sj tumbuhan (herba), *Adenosma caeruleum*.

gembul I bongkol, bonggol (pokok), kelasa (unta).

gembul II (Sunda) selalu berasa lapar, makan banyak.

gembung I = **bergembung** kembang, menjadi besar (kerana penuh dgn air, udara, dll); *perut* ~ kemasukan angin atau kena penyakit basal; *bergembung dada* berasa bangga (girang);

menggembung menjadi gembung;

menggembungkan mengembungkan, membusungkan (dada dll);

→ **kembung** I.

gembung II; *ikan* ~ sj ikan laut.

gembur I → **gembar-gembur**.

gembur II tidak padat, berderai-derai (tanah, pasir, dll), lembut, lunak; *sakit* ~~~ basal, busung air;

menggemburkan mencangkul (tanah) supaya gembur;

penggembur alat utk menggemburkan tanah; ~ *putar* alat penggembur tanah yg berputar.

gembut I; **bergembut-gembut**, **menggembut** bergerak turun naik (spt ubun-ubun anak yg baru lahir), berdenyut-denyut.

gembut II Pn bekas sirih yg dibuat drpd emas.

gemelentam bunyi dentam berkali-kali (spt bunyi meriam dll).

gemeletak bunyi spt bunyi gigi berkertak.

gemeletap bunyi spt bunyi kaki (apabila orang berlari).

gemeletek (gemeléték) gementar keras, menggigil.

gemeletuk gemeletak.

gemelugut menggigil keras (kerana ketakutan, demam, dll), gelugut.

gemendit ikat pinggang (drpd kulit, kain, dll), kendit.

gementam berdentam-dentam (bunyi meriam dll).

gementar gentar, menggigil (kerana ketakutan, demam, dll): *jangan berasa ~ melihat kekuatan seteru.*

gemercak bunyi spt bunyi air keluar dr pancuran dll.

gemercik bunyi spt bunyi air memercik.

gemerencang bunyi spt bunyi pedang berlaga.
menggemerencangkan menyebabkan keadaan menjadi bising:
bunyi papan kekuncinya ~ suasana selama beberapa jam.

gemerencing = **bergemerencing** berbunyi spt bunyi rantai besi dll bersentuhan: *pintu pagar besi yg ~.*

gemerencung bunyi lebih lembut drpd gemerencang.

gemeresak bunyi berdesir (spt pakaian direnyuk-renyukkan dll).

gemeresik; bergemeresik menggeresek (spt kain, kertas, dll direnyuk-renyukkan): *pohon-pohon ~ dipuput bayu laut.*

gemeretak, gemeretap bunyi spt bunyi hujan menimpa atap dll: *mesin taip kedengaran ~ spt bertih digoreng dr dlm biliknya.*

gemeretik bunyi spt bunyi bertih direndang.

gemeretuk bunyi gigi bersentuhan kerana menggigil (ketakutan dll), bunyi orang merendang bertih.

gemeretup → **gemeretuk.**

gemerlap = **gemerlapan**, **bergemerlapan** berkilat-kilat, berkilauan:

pakaiannya penuh bertabur dgn permata yg ~; di sana sini gemerlapan cahaya lampu neon; permata intan berlian yg bergemerlapan sinar-menyinar cahayanya.

gemi, **gemi-gemi** sj ikan laut, gedemi, kedemi, tapak kasut, *Remora spp.*

gemia → **rumia**.

gemik Mn; **menggemik** memanggil seseorang dgn menguitkan jari, menggamit.

gemilang bercahaya terang-benderang, cemerlang: *ia mengenang-nenang zaman ~nya;*

kegemilangan keadaan bercahaya terang-benderang, kecemerlangan: *kekuatan Sriwijaya tidak sebesar dulu lagi, cahaya ~ mulai muram;* → **gilang**.

gemilap; *gilap*~ bercahaya, berkilap, berkilauan.

geming Jk; **bergeming** berdiam sahaja, tidak bergerak.

Gemini lambang ketiga dlm zodiak, yg berlambangkan budak kembar.

geminte Id bandar raya, kota praja.

gemirang gembira, suka ria; → **girang**.

gemirap berdebar-debar (hati), tidak tenteram (hati).

gemologi (gémologi) kajian tentang batu permata.

gempa goncangan (bumi), lindu;

~ *bumi* goncangan (gerakan) bumi; ~ *laut* gegaran laut yg disebabkan oleh gempa bumi di dasar laut; ~ *sunting* bunga ketar yg menjadi perhiasan rambut pengantin perempuan;

menggempakan menggoncangkan, menggegarkan dgn keras (tanah dll): *letupan bom itu ~ tempat di sekelilingnya.*

gempak bp cepat tersentuh atau melatah terhadap sesuatu (berita, peristiwa, dll).

gempal gemuk sedang (bkn tubuh), padat berisi: *tubuhnya ~ dan berdaging pejal.*

gempar heboh, gaduh, huru-hara, riuh-rendah, rusuh (kerana berita buruk, letupan, dll): *maka orang pun ~lah berlarian ke sana sini;*

menggemparkan, mempergemparkan ark **1.** menghebohkan, meriuhkan, merusuhkan: *berita ini ~ seluruh dunia;* **2.** Pn menakutkan, mengancam: *tidak ada gunanya awak ~ saya lagi;*

tergempar dgn mendadak, dgn sangat tiba-tiba: *sidang ~;*

kegemparan **1.** perihal atau rasa gempar; **2.** mengalami keadaan gempar: *dia tersungkur di hadapan orang ramai yg ~.*

gempita riuh, gempar; *gegak-~* riuh-rendah; → **gegak.**

gempul; gempul-gempul mengap-ngap, berkempul-kempul.

gempur diserang dan dibinasakan, dihancurkan: *kena ~;*

menggempur menyerang dan membinasakan (musuh, pertahanan dll), menghancurkan: *kapal terbang pengebom telah ~ kubu-kubu komunis di utara Malaysia;*

penggempuran perihal atau perbuatan menggempur: *dua jurusan ~ direncanakan;*

penggempur (orang, pasukan, dll) yg menggempur; *pasukan ~ pasukan yg paling depan dlm perang.*

gemuk **1.** tidak kurus, besar badan (kerana banyak daging), tambun: *badannya ~ dan gagah;* **2.** lemak, minyak; *~ lembu lemak lembu;*

minyak ~ Id minyak pelicin mesin (roda dll); **3.** Id subur, mengandungi banyak baja (tanah); **4.** baja, pupuk;

~ gedempol = ~ gedempong sangat gemuk; *~ gempal* gemuk tegap (badan); *~ metuk* Kl gemuk dan sihat; *~ membuang lemak, cerdik membuang kawan* prb Mn enggan bergaul dgn saudara-mara;

menggemukkan **1.** menyebabkan sesuatu menjadi gemuk; **2.** membajakan;

kegemukan perihal gemuk, keadaan gemuk: ~ *orang dewasa berlaku akibat penyusuan botol semasa mereka masih kanak-kanak;*

penggemukan perihal (proses, perbuatan, dsb) menggemukkan;

penggemuk sesuatu yg menyebabkan menjadi gemuk.

gemulah Kl almarhum (orang yg telah meninggal), arwah.

gemulai = *lemah* ~ lemah lembut (bkn gerak anggota badan dsb): *dua jenis tarian yg lemah ~ menjadi persembahan hiburan yg paling menawan hati pd malam itu.*

gemulung = *gulung*-~ bergulung-gulung (asap rokok, ombak, dll), melingkar-lingkar; *gajah* ~ gajah yg gadingnya bergulung.

gemuntur → **guntur**.

gemuruh 1. = **bergemuruh** berbunyi spt guruh (bunyi kapal terbang, air terjun, dll): *rakyat Pasai pun keluarlah, ~ bunyinya; ucapannya mendapat sambutan tepuk-sorak yg bergemuruh;* **2.** berdebar-debar hati (kerana ketakutan, berasa sangat bimbang, dsb), agak gementar: *setiap pemain pasti berasa sedikit ~ apabila menentang lawan, terutamanya dlm kejohanan penting;*

kegemuruhan keadaan tidak tenteram, keributan: *berlaku suatu ~ drama sejarah pd awal-awal tahun 1950-an.*

gen (gén) sebahagian drpd juzuk sel pd benda hidup, yg mengawal ciri fizikal, pertumbuhan, dan perkembangan benda hidup yg berkenaan.

genah Jw; *tidak* ~ tidak layak, tidak patut.

genahar keran besar (dibuat drpd tanah); ~ *gunung* kawah (gunung berapi).

genak Kl tempayan (yg mulutnya luas) utk menyimpan beras.

genang; bergenang, menggenang, tergenang tidak mengalir, bertakung (air), berlinang (air mata): *air di sawah itu ~, tidak meresap masuk*

ke dlm bumi; air matanya mulai menggenang; perempuan itu mengesat air mata yg ~ itu;

menggenangi menjadikan penuh berisi air, menjadikan tergenang, mengairi: *airnya meluap ke luar tebing dan ~ daerah-daerah persawahan di sekitarnya; matanya digenangi air;*

kegenangan keadaan terendam atau terbenam dlm air;

penggenangan perihal atau perbuatan menggenangi.

genap 1. cukup, penuh (tidak kurang), lengkap: *setelah ~ lima puluh tahun umurnya ia pun meninggal;* 2. tidak ganjil (angka 2,4,6, dsb): *nombor rumah di sebelah kanan ~;*

dibilang ~, dipagar ganjil prb apa yg nampak pd zahirnya ialah untung tetapi sebenarnya rugi; *empat gasal, lima ~* prb tutur kata orang yg bijaksana selalu tersembunyi maksudnya; *masuk tak ~, keluar tak ganjil* prb orang yg tidak berguna dlm pergaulan masyarakat;

segenap seluruh, sekalian, semua: *seluruh hatinya dan ~ perasaannya sudah dikuasai syaitan; ~ tempat;*

menggenapi menambah supaya jadi genap (lengkap, cukup): *maka sehidangan itu had empat orang, jikalau tiada tiga tinggal seorang makan juga ia, tiada dapat yg di bawah itu naik ~ dia;*

menggenapkan mencukupkan, melengkapkan: *perkara anjing patah dipukul itu hanyalah sebab utk ~ bilangan sahaja, ibarat bergantung sudah penuh;*

penggenap tambahan utk menggenapkan (melengkapkan), pelengkap; *barang-barang ~ (Eko) barang-barang utk melengkapkan penggunaan barang lain.*

gencar → **gencer**.

gencat 1. macat, terhalang, terhenti (kemajuan, pekerjaan, dll); 2. bantut, kerdil (pokok, orang, dll);

menggencat menghentikan, membantutkan; ~ *senjata*
menghentikan tembak-menembak;

menggencatkan menyebabkan tergecat: *sistem pertanian tradisional hanya akan ~ usaha petani utk menambahkan pendapatan mereka;*

tergecat terhenti, terbantut: *kalau pokok itu dianjak, tidak dapat tiada ia akan ~ dan layu;*

gencatan; ~ *senjata (perang)* keadaan berhenti bertempur, keadaan terhentinya atau persetujuan menghentikan pertempuran atau tembak-menembak, peletakan senjata.

gencil (géncél) unting-unting, rambu-rambu (pd pakaian kebesaran dll);
se~ tali seutas tali.

gencer Jk **1.** tidak putus-putus, terus-menerus (bunyi tembakan, ombak, dll); **2.** sangat cepat.

gencet (gencét) **I** Jw; **menggencet** menghimpit, menekan, menjepit, menindih, menindas;

tergencet terhimpit, terjepit, tertindas, tertindih;

gencetan himpitan, tekanan, tindasan.

gencet (gencét) **II** Jw dempet, kembar (pisang, jari, dll).

gencir gelincir.

gencok (gencok) Kd; **bergencok** menari, berjoget.

gencuk Pn; **menggencuk** menumbuk padi dgn memutarakan antan.

gendak Jw perempuan belaan, gundik;

bergendak, bergendakan bersuka-sukaan (dgn perempuan), berzina;

menggendaki berzina dgn; → **kendak**.

gendala halangan, rintangan, aral: *sudah kami tating-tating dan sudah kami kaji buruk-baiknya, tidak ada apa-apa ~nya anakanda diperumahan;*

menggendalakan menyebabkan ada gendala (halangan, rintangan, aral), menghalang-halangi, merintang: *kesukaran memperoleh bahan-bahan mungkin akan ~ pekerjaan;*

tergendala terhalang, tertahan (pekerjaan, perjalanan, dll): *kalau anaknya yg kecil itu bangun kerjanya akan ~;*

kegendalaan 1. sesuatu yg menggendalakan (melambatkan atau menghalang kemajuan, perjalanan, dsb), halangan: *mungkin ada sesuatu ~ di jalan;* **2.** keadaan tergendala (terhalang kemajuan dll): *projek yg dirancang di Jalan Damansara sedang menghadapi ~ yg lama, terutamanya dr segi perolehan tapak bangunan.*

gendang I 1. sj alat muzik drpd kayu bulat panjang yg berongga dan direntang dgn kulit (pd hujung pangkalnya); ~ *nobat* gendang yg dipakai utk nobat; ~ *perang* gendang yg digunakan semasa berperang; *juru~* orang yg memukul gendang; **2.** langgam (pukulan) gendang sbg isyarat, cara memukul gendang; ~ *arak- arakan* cara memukul gendang sewaktu berarak;

~ *berangkat* gendang yg menyatakan raja berangkat; ~ *keling* = ~ *merdangga* gendang yg disandang pd leher dan dipukul dgn kayu; ~ *kembali* gendang yg dipukul sbg isyarat utk menyatakan raja kembali; ~ *melela* = ~ *serama* gendang yg sebelah dipukul dgn kayu, dan yg sebelah lagi dipukul dgn tangan; ~ *pendengar* Id selaput telinga yg menerima suara; ~ *perhentian* = ~ *galanjur* gendang yg dipukul sbg isyarat utk menyatakan orang harus berhenti; ~ *raya* Kd beduk (tabuh);

bagaimana bunyi ~, begitulah tarinya prb patuh pd segala perintah; *situ juga ~ berbunyi* prb sentiasa sama sahaja (tidak berubah);

gendang-gendang, gendangan sj selaput, kulit ari;

bergendang memukul gendang; ~ *paha* bersuka-suka kerana penderitaan orang lain;

~ *deras* prb berkuasa (bermaharajalela); *bak* ~ *ke Sirukam, perut kenyang emas boleh* prb keuntungan yg diterima secara berlebihan.

gendang II gulung (bkn kertas);

segendang satu gulung; ~ *kertas* segulung kertas.

gendang III sj ikan laut, *Parapercis spp.*

gendeh; bergendeh-gendeh sl bergendong-gendong, buntul: *cuba hang tengok duit depa* ~.

gendeng Id; *roda* ~ roda penggerak mesin.

gendeng (géndéng) Mn sendeng, condong, miring, senget;

bergendeng-gendengan berjalan beriring-iring;

menggendengkan memiringkan, mencondongkan;

tergendeng 1. terletak senget; **2.** ki turun harga, agak murah (barang-barang).

gender (génder) **1.** jantina: *pelantikannya adalah berasaskan pencapaian, sumbangan dan kebolehannya, bukannya kerana* ~; **2.** (Lin) golongan jenis kata dlm tatabahasa sesuatu bahasa spt maskulin, feminin dan neuter.

genderang 1. sj gendang besar; ~ *serama* gendang dua muka (yg sebelah dipukul dgn tangan dan yg sebelah lagi dipukul dgn pemukul): *maka lalu* ~ *pun dipalu orang*; **2.** tambur.

gendi → **kendi I.**

gending Jw lagu gamelan.

gendir Jw alat bunyi-bunyian gamelan.

gendis gula kabung.

gendit Pn → **kendit.**

gendola sj tumbuhan (pokok memanjat), *Passiflora quadrangularis*.

gendon sj berenga, ulat kecil-kecil yg terdapat pd bangkai (rotan dll).

gendong (géndong); **menggendong** **1.** mendukung (di belakang, di pinggang, dll) dgn kain yg disangkutkan ke leher: ~ *anak*; **2.** Tr mendukung di belakang, mengencang;

gendongan **1.** benda yg digendong; **2.** kain utk menggendong;

penggendong orang yg menggendong.

gendung Kl gembung (saku dll) kerana berisi sesuatu.

gendut **1.** buncit, boyot; **2.** Id bunting.

genealogi (généalogi) kajian salasilah.

geneng (généng) Mn manja, gagah, elok; *kalau nak ~ di tepian, bawa labu kecil liang, rasakan penuh ditumpahkan* prb perihal orang yg hendak memperlihatkan ketinggian diri pd orang ramai.

generalisasi (généralisasi) kesimpulan umum tentang sesuatu (peristiwa, fenomena) yg dibuat tanpa berdasarkan bukti yg lengkap: *Klapper memaparkan ~ tentang kesan komunikasi massa*;

menggeneralisasikan merumuskan atau membentuk kesimpulan umum tentang sesuatu perkara: *ramai orang suka ~ hal ini*.

generalisimo pemerintah tertinggi angkatan tentera bersekutu yg terdiri drpd angkatan tentera darat, tentera laut dan tentera udara.

generasi (généralisasi) **1.** kumpulan individu yg lahir pd waktu yg lebih kurang sama, angkatan: *perbuatannya itu akan menjadi teladan kpd ~ yg akan datang; kalaulah begini keadaannya dlm dua atau tiga ~ lagi pun bangsa kita akan tetap mundur; ~ baru* angkatan baru; **2.** tahap atau peringkat kemajuan atau perkembangan: *dgn kemajuan besar-besaran, kita telah melalui empat ~ komputer*.

generatif (génératif) **1.** dapat menghasilkan sesuatu: *kebolehan menggunakan pengetahuan ~ ini membolehkan pakar mengemukakan hipotesisnya tentang penyakit itu*; **2.** berkaitan dgn pembiakan: *sel ~*.

generator (générateur) alat yg mengeluarkan tenaga elektrik (gas dll).

generik (générik) **1.** (yg) umum; **2.** berkaitan dgn ciri-ciri khusus yg dimiliki oleh sesuatu kelompok (golongan dll).

genesis (génésis) **I** titik permulaan atau asal usul sesuatu (idea, tamadun, dll): ~ *tentang kategori asas manusia dlm pemikiran.*

Genesis (génésis) **II** versi pertama Kitab Perjanjian Lama (Wasiat Lama) yg menghuraikan kejadian dunia.

genetik (génétik) (Bio) **1.** kajian tentang keturunan (baka), dan cara individu mewarisi sesuatu ciri (sifat), dan memindahkan ciri tersebut drpd satu generasi kpd generasi lain melalui gen; **2.** bkn pembiakan, kelahiran, atau asal usul sesuatu.

geng (géng) kumpulan pekerja, penjenayah, dll, gerombolan: *rupanya ia sudah masuk ~ perompak.*

genggam kepalan tangan, cengkaman tangan utk memegang; ~~~ *bara* memegang-megang sahaja;

segenggam banyak yg dapat dipegang dlm kepalan tangan: ~ *tanah (beras); ~ digunungkan, setitik dilautkan* prb sangat dihargai;

menggenggam 1. memegang dlm genggam (kepalan tangan): ~ *pisau; 2.* ki menguasai, memerintah: *banyak negeri di bawah angin ini yg digenggamnya; ~ rahsia* menyimpan rahsia;

~ *erat, membuhul mati = memegang erat, ~ teguh* prb memegang suatu keputusan dgn tidak berubah lagi; *digenggam tiada tiris* prb paling hemat dgn wang dll; *genggam-genggam bara, terasa hangat dilepaskan = jangan digenggam* *bagai bara, terasa hangat dilepaskan* prb memakai barang sesuatu, janganlah ketika senang saja (sia-sia membuat pekerjaan separuh jalan);

menggenggamkan; ~ *tangan* mengepalkan tangan;

tergenggam tercengkam, terkepal;

barang ~ jatuh terlepas prb apa yg sudah diperoleh lenyap pula (menyatakan kemalangan);

genggaman **1.** kepalan tangan; **2.** benda yg digenggam dlm tangan; **3.** = *dlm ~ di bawah perintah* (kekuasaan).

genggang celah, renggang;

tergenggang terbuka, terkuak: *lantaran bagusnya bujukan mereka, ~lah pintu hatinya.*

genggang (génggang) sj kain yg bercorak berjalur-jalur atau dam; ~ *lapis* sj kuih yg dibuat drpd tepung.

genggayang sj tumbuhan (pokok dan daunnya dibuat ubat sakit kepala).

genggeng (génggég) **I** sj siput, *Nautilus pompilius*.

genggeng (génggég) **II** Kl; **tergenggeng** terpaku, terpacak (kerana bingung).

genggong (génggong) sj alat muzik yg dibuat drpd besi (dawai dsb), dan dibunyikan dgn memetik lidahnya sambil menekannya pd mulut, harmonika, bangsi.

genggulang buluh yg dibelah pangkalnya utk dibuat sangka-sangka (tempat pemujaan atau semahan pawang).

gengseng (géngséng) sj periuk besar drpd logam tempat memasak nasi dll.

gengsi (géngsi) **1.** kaum kerabat, sanak-saudara, keturunan; **2.** kehormatan dan pengaruh.

gengster (géngster) ahli atau anggota kumpulan penjenayah atau samseng.

gengsterisme (géngsterisme) kegiatan gengster: *masalah gejala samseng dan ~ di kalangan pelajar mendapat perhatian umum.*

genih, genik, genis gading gajah betina.

genit **1.** Id suka bergaya, banyak tingkah, keletah: *gadis manis tetapi ~;*
2. kecil dan lincah lagi menarik (bkn gadis);

kegenitan perihal genit.

genital (génital) (Bio) bkn organ pembiakan atau alat kelamin.

genitalia (génitalia) (Bio) organ dan struktur pembiakan (manusia dan haiwan) yg biasanya terdapat pd luar tubuh.

geniteri sj tumbuhan (pokok), *Elaeocarpus ganitrus*.

genius (génius) sangat pintar (cerdik): *dia memang ~*;

kegeniusan keadaan atau sifat genius, kecerdikan (kepintaran) yg luar biasa: *~nya hampir sama spt manusia dlm bidang ketenteraan*.

genjah Jw; *padi ~ padi* yg cepat berbuah, padi radin.

genjak Kl; *~ telur* pemukul telur (utk membuat kuih);

menggenjak memukul adunan (tepung, telur, gula, dll) supaya naik.

genjak (génjak) → **ganjak**.

gejala tangkai kemudi, celaga.

genjang (génjang) **1.** herot, bengot, serong; *~-genjot* erang-erot, menyerong-nyerong; **2.** segi empat selari;

genjangan (Hut) perubahan bentuk permukaan keratan rentas kayu, yg asalnya berbentuk segi empat bujur, menjadi bentuk genjang yg herot semasa proses pengeringan kayu.

genjer (génjér) Id sj tumbuhan (tumbuh di rawa), *Limnocharis flava*.

genjot (génjot) genjang.

genjur kaku (rambut, daun kering), tegang (tali); *keras ~* sangat keras (hati dll).

genong Kl palang pagar (drpd kayu, besi).

genosid (génosid) pembunuhan (penghapusan) secara sengaja sesuatu bangsa atau kaum.

genotip (génotip) (Bio) **1.** komposisi ciri genetik yg menentukan struktur dan fungsi sesuatu organisma; **2.** kumpulan organisma yg mempunyai komposisi genetik yg sama.

genre (g n r ) kategori atau jenis karya sastra atau seni yg dicirikan dgn sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu: ~ *sastra yg paling digemari ialah puisi, dgn mutu dan kecemerlangan yg dapat kita ungkapkan melalui persembahan teater atau yg lain.*

genta **1.** loceng kecil-kecil (utk perhiasan gelang kaki, leher lembu, dll);
2. loceng besar (pd gereja dll);

~ *alamat genta* yg dibunyikan kalau terjadi sesuatu hal yg penting dlm negeri; *anak ~ pemukul loceng; menggerakkan (menggoyangkan) ~ membunyikan loceng;*

bergenta mempunyai genta: *perisainya ~.*

gentak sl hentak: *dia pun dia ~ kuda hijaunya dia.*

gentala sl kenderaan yg bergerak sendiri; *naga ~ ukiran berupa naga pd roda kereta.*

gentar **1.** goncangan yg cepat (tali gitar kalau dipetik, badan kalau ketakutan, bumi kalau gempa dll), getar, geletar; **2.** ki berasa takut (bimbang dll): *tidak ~ menyerang musuh;*

bergentar, menggentar **1.** bergoncang: *sekitar daerah itu ~ kerana letupan bom;* **2.** gementar, menggeletar (kerana kesejukan, ketakutan, dll);

menggentari, mempergentari menyebabkan jadi gentar (takut), menakut-nakutkan: *dia ~ pencuri itu dgn pistol mainan;*

menggentarkan **1.** menjadikan bergentar: *letupan bom ~ seluruh badan;* **2.** menjadikan gentar, menakutkan: *hal itu tidak ~ hatinya;*
3. merusuhkan, menggemparkan: *orang yg gelap itu ~ seluruh kampung;*

gentaran goncangan: *kaca jendela pecah kerana ~ bunyi bom;*

kegentaran **1.** perihal gentar; **2.** ketakutan;

penggentaran perihal menggentarkan (merusuhkan dll);

penggentar **1.** sesuatu yg digunakan utk menggentarkan; **2.** perusuh, pengganas; **3.** pengecut.

gentas **1.** putus (kerana terpetik dgn kuku, bkn tangkai bunga, dll); **2.** habis, berakhir; *betik sudah ~ a)* pokok betik yg tidak berbuah lagi; b) prb orang yg tidak dapat menghasilkan apa-apa lagi;

menggentas **1.** memetik dgn kuku (tangkai bunga dll), memutuskan; **2.** mengakhirkan.

gentat lekuk ke dalam, kempis ke dalam.

gentayangan Jk berjalan ke sana sini, berkeliaran.

gentek (génték) Ph juga.

gentel (géntél) pil (ubat), butir, until, gelintir;

bergentel berbentuk spt butir, berbutir;

bergentel-gentel berupa atau berbentuk banyak butir, berbutir-butir;

menggentel, menggenteli membulat-bulatkan (dgn hujung jari).

gentian serat, serabut (pd sabut, daging manusia, dll);

~ *asli* = ~ *semula jadi* gentian drpd bahan mineral (spt asbestos), tumbuhan (spt kapas) atau haiwan (spt sutera), lazimnya dibuat tenunan; ~ *buatan* = ~ *sintetik* gentian drpd bahan spt nilon, kaca, karbon, dan polimer yg berat molekulnya tinggi; ~ *kaca* (Fiz) gentian yg diperbuat drpd filamen kaca yg halus-halus (bergaris pusat antara 5 hingga 10 mikrometer); ~ *karbon* (Fiz) gentian drpd benang-benang tekstil (spt rayon) yg dibakar utk menghasilkan bahan yg lebih kukuh; ~ *optik* (Komp) gentian kaca yg panjang, lut sinar, dan halus yg digunakan utk menghantar data digital dlm bentuk denyutan cahaya, spt yg digunakan dlm telekomunikasi; ~ *rami* serat rami; ~ *saraf* serat saraf.

genting I **1.** kecil (sempit) di tengah-tengah: *pinggangnya ~*; **2.** = ~ *tanah* tanah yg sempit antara benua dan semenanjung dll; **3.** = ~ *bukit*

jalan di celah bukit: *Kabul ada jalan raya melalui ~ Khyber yg menghubungkan bandar itu dgn Peshawar*; **4.** sudah halus hingga hampir putus (tali dll); **5.** tegang, berbahaya (mungkin akan pecah perang dll), meruncing: *perhubungan antara kedua-dua negara itu ~*;

~ menanti putus, biang menanti tembuk prb Mn perkara yg hampir selesai; *~ putus, biang tembuk* prb Mn perkara yg telah putus dan tidak dapat diubah lagi;

menggenting 1. menjadi genting (kecil atau sempit di tengah-tengah); **2.** menjadi genting (tegang), menegang: *perhubungan mereka semakin ~*;

menggentingkan 1. menyebabkan genting (kecil atau sempit di tengah-tengah); **2.** menyebabkan genting (tegang), menegangkan;

kegentingan perihal atau keadaan genting, ketegangan;

pergentingan tempat yg genting, genting; *manahan jerat di ~* prb mencari keuntungan drpd kesukaran orang;

penggentingan perihal atau perbuatan menggentingkan.

genting II kepingan yg leper atau melengkung utk mengatasi rumah; *atap ~ atap drpd genting; ~ kodok* Id sj genting tebal.

gentis; menggentis memetik pucuk tanaman dll dgn hujung jari.

genu Kl **1.** papan yg menutup hujung papan lantai dan dinding; **2.** bahagian berhias atau berukir pd kepala katil.

genus (génus) (Bio) kumpulan benda hidup spt haiwan atau tumbuhan yg terdiri drpd spesies yg mempunyai beberapa ciri yg serupa: *~nya perlu ditentukan terlebih dahulu; lalat tsetse adalah drpd ~ Glossina.*

genyeh (gényéh); **menggenyeh** menggosok-gosok (mata dll supaya hilang gatal).

genyi Pr tertahan nafsu utk makan (kerana kotor, melihat najis, dll), jijik, mual.

genyit → **kenyit**.

genyut; *genyang*~ herot, tidak selari (baris dll), bengot.

geo- (géó) *awalan asing* berkaitan dgn bumi, mis *geofizik*, *geokimia* dan *geologi*.

geobotani (géobotani) kajian tentang taburan tumbuh-tumbuhan dr segi geografi.

geodesi (géodési) cabang ilmu geologi yg mengkaji dan menentukan kedudukan sebenar, bentuk, dan saiz bumi.

geofizik (géofizik) cabang geologi yg menggunakan ilmu fizik utk mengkaji sifat-sifat bumi, termasuk meteorologi, oseanografi, dan seismologi.

geografi (géografi) sains tentang fitur-fitur semula jadi permukaan bumi, termasuk topografi, iklim, tanah, tumbuh-tumbuhan, dan gerak balas manusia terhadapnya, ilmu alam.

geokimia (géokimia) sains yg mengkaji komposisi kerak bumi dan perubahan kimia yg dialaminya.

geokronologi (géokronologi) cabang geologi yg berkaitan dgn penentuan usia dan urutan peristiwa sejarah bumi.

geologi (géologi) sains tentang asal usul, sejarah, struktur, dan komposisi bumi, kaji bumi.

geomansi (géomansi) ramalan yg dibuat berdasarkan pola atau bentuk rupa yg terjadi drpd segenggam tanah yg ditebarkan atau titik-titik secara rawak yg disambungkan dgn garis-garis.

geometri (géométri) cabang matematik yg berkaitan dgn ukuran, sifat-sifat hubungan titik, garis, sudut, permukaan dan bongkah.

geomorfologi (géomorfologi) kajian tentang asal usul, struktur dan perkembangan ciri-ciri topografi kerak bumi.

geonasti (géonasti) (Bio) gerak balas tumbuhan terhadap graviti, mis pembengkokan akar.

geopolitik (géopolitik) kajian tentang kesan faktor-faktor geografi terhadap politik (terutama politik antarabangsa), geografi politik.

geosains (géosains) sains yg berkaitan dgn bumi, spt geokimia, geologi dan geodesi.

geosentrik (géoséntrik) (Ast) **1.** mempunyai bumi sbg pusat, berpusatkan bumi: *sistem ~*; **2.** berkaitan dgn atau diukur dr pusat bumi: *kedudukan ~*.

geotaksis (géotaksis) (Bio) gerak balas keseluruhan organisma terhadap graviti.

geotekstil (géotékstil) (Tks) sj fabrik sintetik yg kukuh, biasanya digunakan utk menguatkan benteng, tapak lebuhraya dsb.

geoterma (géoterma) (Geo) berkaitan dgn (dihasilkan oleh atau berpunca drpd) haba dalaman bumi: *tenaga ~*.

geotropisme (géotropisme) (Bio) gerak balas bahagian tumbuh-tumbuhan terhadap rangsangan graviti.

gepeng (gépéng) Jw pipih (kerana dipukul dll), penyek; *bulat ~ bulat pipih*;

gepengan benda yg pipih.

gepok-gepok Tr sj kuih yg berupa kepalan rebusan kacang hijau yg dimakan dgn parutan kelapa.

gepuh pedal ayam, perepuh, repuh-repuh, tala-tala, mangga, induk kunci gantung.

gepuk I; segepuk seikat (wang kertas dll), segabung, seberkas;

bergepuk-gepuk beberapa ikat (berkas dll);

gepukan ikatan, berkas.

gepuk II celepa (tembakau).

gepuk III Mn gemuk.

gera; menggera 1. menyergah, menggertak, menakut-nakutkan: ~ *musuh; musim* ~ musim menghalau burung dll (yg hinggap pd padi yg mulai masak); 2. memberi isyarat (tanda ada bahaya dll): *bendera merah dipakai utk ~ bahawa tempat itu berbahaya;*

penggera 1. orang yg menakut-nakutkan, alat utk menakut-nakutkan; ~ *burung* alat utk menakut-nakutkan burung (yg makan padi dll); 2. alat utk memberi isyarat (ada bahaya dll); ~ *kebakaran* alat yg berbunyi kalau ada kebakaran (loceng dll).

gerabak I kereta (pedati) yg disambung-sambung pd kereta api, gerbong; ~ *barang* gerabak tempat memuatkan barang; ~ *penumpang* gerabak tempat orang duduk; ~ *tangki* gerabak tempat tangki minyak dll.

gerabak II → **gerabang**.

gerabak III Mn; **menggerabak** bercucuran (air mata dll).

gerabak IV Jk; ~-*gerubuk* 1. bunyi spt bunyi kerusi jatuh dll; 2. membuat sesuatu dgn tergesa-gesa dan tidak tentu arah.

gerabang berlubang besar, sobek besar.

geradah → **geladah**.

geradi ark kisi besi.

geragai sj pengait besar utk menangkap buaya.

geragas; menggeragas menyikat (rambut dgn sisir kasar atau jari tangan), menggaruk-garuk.

geragau I; menggeragau mencakar-cakar, menggaruk-garuk (dgn kuku).

geragau II; udang ~ sj udang kecil-kecil yg biasanya dibuat belacan, udang baring, *Acetes spp.*

geragot Jw; menggeragoti 1. menggigit sedikit-sedikit, mengunggis; 2. ki merosakkan (merugikan) sedikit demi sedikit.

geraguk I → **geragau II**.

geraguk II panggilan utk orang keturunan Feringgi.

gerah I Jw berasa panas badan (kerana hari hendak hujan).

gerah II Kl kemalangan, kecelakaan, nahas.

gerahak sj ikan darat, bergahak, *Belodonticythys dinema*.

geraham gigi kisar yg bulat atau rata permukaannya yg terletak di belakang gigi kacip dan gigi taring;

~ *besar* geraham yg terletak di belakang sekali; ~ *bongsu* geraham yg tumbuh akhir sekali; ~ *kecil* geraham yg di depan geraham besar.

gerai I **1.** sl pelamin (tempat mempelai bersanding); **2.** balai-balai (tempat duduk atau tidur), bangku; **3.** bangku (meja) tempat menjual barang, kedai (kecil): ~ *surat khabar dan buku-buku*.

gerai II; menggerai menggali, mengorek;

penggerai sj penggerek, gerudi.

gerai (gérai) Mn; **tergerai** terurai (rambut).

gerak 1. perpindahan tempat, lwn diam: *dgn ~ yg lemah spt orang kehabisan tenaga ia berjalan perlahan-lahan*; **2.** denyut, kenyat-kenyut: ~ *nadinya berhenti dgn tiba-tiba, dia telah menghembus nafas terakhir*; **3.** alamat, petanda, gelagat (denyut pd mata dll): *janganlah tuanku bersusah hati, jikalau adinda hendak berputera datanglah ~ kpd patik*; **4.** = ~ *batin* = ~ *hati* dorongan hati, perasaan hati; **5.** kehendak (Allah): *entah hilang anakanda di laut lepas, ~ Allah siapa tahu*;

~ *badan* Id olahraga, sukan; ~ *gempa* a) goyang gempa, gempa bumi; b) sj cucuk sanggul yg bergerak-gerak; ~-*gerayu* bergetar (pd hujung); ~-*geri* = ~-*gerik* = ~-*garit* a) bermacam-macam gerak (badan); b) = ~ *langkah* = ~ *laku* tingkah laku; ~ *jalan* Id latihan berjalan bersama-sama sbg sukan; *pasukan ~ cepat* Id pasukan tentera yg mudah dipindah-pindahkan;

segerak berlaku atau bergerak pd masa yg sama;

menyegerakkan menjadikan dua atau lebih peranti, alat, dll berfungsi atau bergerak pd masa yg sama;

penyegerakan proses menyegerakkan alat, peranti, dll.

bergerak 1. bergoyang, beralih tempat, berpindah tempat: *pohon itu ~ ditiup angin; jangan ~ dr tempatmu*; **2.** berangkat, pergi, menuju: *askar-askar British telah ~ ke kawasan itu; kemudian ia bangun dan ~ dr situ*; **3.** berusaha, berikhtiar, bertindak: *persatuan itu memerlukan wang utk ~; kami dulu sama-sama ~ dlm kumpulan itu*;

menggerakkan 1. menjadikan atau mengakibatkan bergerak (bergoyang, berubah letak, beralih tempat, dsb); *~ kepala menggoyangkan kepala*; **2.** menjadikan aktif (dapat bergerak atau bertindak, hidup dan berfungsi, dsb), menjadikan mampu mencapai kejayaan atau perkembangan: *tiap-tiap peristiwa yg ada itu, berperanan tegas utk ~ cerita; ia amat percaya bahawa seni mempunyai tugas penting utk ~ tenaga masyarakat*; **3.** membangunkan (drpd tidur);

~ enjin menjalankan enjin; ~ hati membangkitkan hati, membuat hati (orang) kurang senang; ~ minat menambah minat; ~ pasukan memindahkan (memajukan dll) pasukan; ~ rakyat menaikkan semangat rakyat;

tergerak bergerak dgn tiba-tiba, telah digerakkan;

~ di hati = ~ dlm hati timbul perasaan dlm hati; ~ hatinya timbul perasaan atau keinginan;

gerakan 1. hasil bergerak, perbuatan bergerak: *~ bumi; ~ tentera*;

2. usaha, kegiatan: *~ hendak menghapuskan buta huruf; bilik ~ bilik tempat mengendalikan sesuatu usaha (kegiatan dll); ~ bawah*

tanah gerakan sulit utk menjatuhkan kerajaan dll; **3.** = **pergerakan**;

pergerakan kebangkitan (utk memperjuangkan sesuatu): ~ *kaum ibu*;

penggerakan perihal (perbuatan dsb) menggerakkan;

penggerak galakan (tenaga dll) utk menggerakkan, faktor (unsur, individu, dll) yg menggerakkan: *jelas kpd kita bahawa Islam telah memainkan peranan yg penting sbg ~ kpd manusia utk mencapai kemajuan; Abdul Aziz H.M. seorang ~ teater.*

gerakak KI ketawa kanak-kanak yg masih kecil.

gerak balas (Bio) sesuatu yg berlaku (spt gerakan) akibat pendedahan kpd sesuatu rangsangan: *perubahan arah daun itu menunjukkan ~ positif tumbuhan hijau terhadap matahari; ~ cahaya (matahari)* gerak balas yg rangsangannya ialah cahaya (matahari);

bergerak balas bertindak balas secara positif: *pesakit ~ terhadap rawatan.*

geram 1. marah, panas hati, sakit hati: *ia menjadi semakin ~ mendengar anaknya berani menjawab; 2.* suka atau cinta (tetapi seakan-akan benci), gemas: *amboi, bijaknya budak itu, ~ aku menengoknya; turut hati yg ~, hilang takut timbul berani prb kerana marah hilang takut;*

menggeram 1. menjadi geram; **2.** menyukai atau mencintai (tetapi seakan-akan benci): *ia menciumi budak itu di mana-mana sahaja yg digeramnya; 3.* berbunyi menderum (harimau dll), menderam: *orang kampung berasa takut apabila mendengar harimau ~ pd waktu malam;*

menggeramkan menyebabkan geram, membangkitkan geram;

kegeraman 1. perihal geram; **2.** berasa (menjadi) geram: *kakaknya terjerit-jerit ~.*

geraman Mn geraham.

geramang terperanjat, gamang, gugup, gamam.

gerambel (gerambél) Tr banyak.

geramsut, geramut sl sj kain yg dibuat baju sadariah.

geramung sj tumbuhan (pokok), akar belalang puak, *Pittosporum ferrugineum*.

geran surat hak milik tanah;

~ *besar* geran bagi tanah dlm bandar atau tanah di luar bandar yg lebih drpd 4 hektar luasnya; ~ *hidup* geran bagi tanah yg dimiliki utk jangka yg tertentu; ~ *kecil* geran utk tanah di luar bandar yg lebih kecil drpd 4 hektar dan dimiliki selama-lamanya; ~ *merah* geran bagi tanah dlm kawasan simpanan Melayu; ~ *putih* geran bagi tanah di luar kawasan simpanan melayu.

gerang I sl agaknya, rupanya: *maka pd hatinya, sebab orang muda ini ~ padi kita berbuahkan emas*; → **gerangan**.

gerang II sl arang tempurung yg dilumatkan utk menghitamkan gigi;

menggerang menjadikan gigi hitam.

gerang III sj tumbuhan (pokok renek), *Randia macrophylla*.

gerangan agaknya, rupanya, barangkali (menyatakan kebimbangan),
konon: *aku ingin juga tahu apa ~ yg dicakapkannya*.

geranggang Jw buluh runcing, tombak buluh.

geranium (géranium) sj pokok yg bunganya berwarna putih, merah atau merah muda, biasanya ditanam sbg pokok hiasan.

gerantang 1. bunyi (suara) riuh-rendah; **2.** ki gertak, tengking utk menakut-nakutkan;

menggerantang menakut-nakutkan, menggertak.

gerantung; ~ *tongah* sj tumbuhan (pokok), *Chisocheton divergens*.

geranyam Mn; **menggeranyam 1.** senyar (apabila siku terhantuk dll), semutan; **2.** bergerak beriak-riak (hawa panas dll).

gerapah Tr; **bergerapah** banyak sekali (ikan dlm tangguk dll).

gerapai; menggerapai meraba-raba dgn tangan kerana hendak mencapai
(memegang) sesuatu, menggapai.

gerapak I; menggerapak lari lintang-pukang (kerana ketakutan dll).

gerapak II Kl bising, riuh.

gerapu I; bergerapu tidak licin (kulit katak dll), kasap, kesat; **kerapu II**.

gerapu II sj ikan laut, *Caranx tille*.

gerat I; menggeratkan menggartakkan, menggeritkan (gigi).

gerat II takuk, ketak (pd tanduk kerbau, batang nyiur, dll).

gerat III Kl perkakas (sisir) utk menghancurkan tanah.

geratak Jw menjelajah, mencari di sana sini.

geratih Mn ligas (lari kuda).

gerau I tukang masak di istana.

gerau II; biru ~ biru kehitam-hitaman.

gerawan Mn warna yg bercampur, kabur (dlm udara).

gerayang I Jk; **menggerayang** meraba-raba, memegang-megang
(hendak mencuri dgn cepat dll).

gerayang II Mn; **menggerayang 1.** = ~ *rambut* menggaru atau mengeruk kepala dgn jari; **2.** merayap (kutu dll), melata.

gerayu; gerak-~; → **gerak.**

gerbak; menggerbak semerbak, harum.

gerbang I; ~-gersul = ~-*geresing* Kl kusut tidak keruan;

menggerbang terurai dan kusut (rambut): *rambutnya ~ tidak terurus;*

menggerbangkan menyebabkan terurai (rambut), menjadikan menggerbang.

gerbang II 1. = *pintu* ~ pintu besar yg di sebelah atasnya kedapatan satu binaan melengkung, gapura; **2.** ki alam: *memasuki* ~ *perkahwinan*; **3.** (Komp) portal.

gerbas; ~-*gerbus* bunyi desas-desus, debas-debus.

gerbong gerabak kereta api; ~ *barang (penumpang)* gerabak utk mengangkut barang-barang (penumpang).

gerbus; *gerbas*-~; → **gerbas**.

gerdam bunyi spt bunyi barang yg jatuh (lesung dipukul antan dll).

gerdum (lebih lembut drpd) gerdam.

gereba Ar botol air (dibuat drpd kulit).

gerebeg Jw hari raya Islam.

gerebek Jk; **menggerebek** menangkap dgn tiba-tiba, menyergap, menggeledah;

penggerebkan penyergapan, penangkapan, penggeledahan.

gerecak; **menggerecak-gerecak** berbunyi spt air mendidih.

gerecok (gerécok) Jk; **menggerecok** mengusik, menggodai.

gerehem (gerehém) Kl mendehem.

gereja (geréja) **1.** tempat (rumah) sembahyang orang Kristian; **2.** Id badan (pertubuhan) orang Kristian yg mempunyai kepercayaan (ajaran dll) yg sama: ~ *Katolik*; ~ *Protestan*; *burung* ~ sj burung pipit;

kegerejaan (yg) berkaitan dgn gereja: *skripnya pula lebih kpd tradisi lisan, dan apa yg penting drama itu harus membawa mesej* ~; *hierarki gereja mempunyai kuasa bebas dlm soal-soal keagamaan dan* ~.

gerejani (geréjani) Id bkn gereja.

gerek (gérék) **I;** *rumpu* ~ *telinga* sj tumbuhan (rumpai), *Ischaemum aristatum*.

gerek (gérék) **II;** **bergerek-gerek** berlubang-lubang: *kayu* yg ~;

menggerek menebuk (dgn jara dll): ~ *lubang*;

gereklah langit olehmu, engkau takkan kusa-raki juga prb walaupun kpd siapa kauadukan halmu, engkau tidak akan kuceraikan;

menggerekkan 1. menggunakan sesuatu (jara dll) utk menggerek;

2. menggerek utk orang lain;

penggerek alat utk menggerek (spt gerudi dll).

gerek (gérék) **III** Kl emas tiruan; *barang* ~ benda yg dibuat drpd emas tiruan.

gerek (gérék) **IV** Kd basikal.

gerelang Kl; **menggerelang** mencancang, mengerat halus-halus.

gerencang gemerencang (senjata).

gerendeng (geréndéng) Mn; **menggerendeng** bersikap mengancam atau menyerang (spt lembu yg hendak berlaga dll).

gerender (geréndér) Tr lebat (buah), banyak (anak dll).

gerenek (gerénék) **1.** kecil molek, kecil mongel; **2.** rendah menggeletar (suara dll): *suara yg ~*;

menggerenek sl membunyikan: *maka orang pun ~ nobat*.

gerengau; menggerengau menggeragau, mencakar (dgn kuku).

gerenggung sj tumbuhan (pokok), balun hijau, *Aglaia griffithii*.

gerengseng (gerénséng) **I** sj corak kain batik atau kain tenun (berupa setengah bulatan).

gerengseng (gerénséng) **II** kualiti besar drpd tembaga.

gerentam bunyi berdentam-dentam;

menggerentam merentakkan kaki (kerana marah dll).

gerentang gerentam.

gerenti (gérénti) bp jaminan, kepastian;

menggerenti menjamin.

gerenyam = **menggerenyam** gatal, biang (perempuan), menggelenyar (kerana semut-semutan).

gerenyau **1.** tidak dapat duduk diam (selalu melompat-lompat dan berlari), kurang sopan (bkn budak perempuan); **2.** pantas tangan atau mulut (budak perempuan dll).

gerenyeng (gerényéng) seringai, kernyih;

tergerenyeng-gerenyeng menyeringai (hingga kelihatan gigi); ~ *bagai anjing disua antan* prb seorang penakut yg menepi-nepi kerana ingin lari.

gerenyet (gerényét) gerak-gerak urat;

menggerenyet bergerak-gerak (bkn urat, otot dsb): *bibir mataku ~ sejak tadi lagi*;

penggerenyetan proses, hal dsb menggerenyet: ~ *otot*.

gerenyot (gerényot) herot (mulut).

gerepek (gerépék); **menggerepek** tidak cebok sesudah membuang air.

gerepes (gerépés) **I**; **menggerepes** menguit-nguit dgn jari, tidak dapat diam.

gerepes (gerépés) **II** Jk; **bergerepes** tidak rata (licin).

geresah; **menggeresah** tidak dapat diam, gelisah.

geresek (gerésék); **menggeresek** berbunyi kersik-kersik.

geret (gerét) Jk; **menggeret** menggaris, menggores, mencorek;

geretan mancis, gores api.

geretak (gerétak) sj tumbuhan (pokok), geronyong, kabau bukit, merbung jantan, singguih, *Turpinia pomifera*.

geretang (gerétang) Mn; **menggeretang** bersikap mengancam (hendak menyerang).

geretuk I bunyi spt bunyi kayu diketuk (gigi berkertak).

geretuk II Pr; **menggeretuk** mengebas, mengirap-irapkan (kain dll).

gergaji alat yg bergerigi pd matanya utk memotong kayu dll;

~ *aneka* gergaji yg berbagai-bagai jenis matanya yg boleh ditukar-tukar; ~ *balak (baluk)* gergaji utk membuat papan dll; ~ *belah* gergaji utk memotong kayu mengikut hala urat; ~ *belakang besi* sj gergaji tangan yg bilahnya drpd besi keras dgn belakangnya disokong oleh bingkai keluli atau loyang, dan digunakan utk kerja-kerja kayu; ~ *beregu* sj gergaji dgn dua atau lebih mata yg dipasang pd bingkai atau pd aci gergaji talam, dan digerak ke hadapan dan ke belakang secara menegak atau mendatar utk membelah balak; ~ *besar* gergaji yg bingkainya merupakan bentuk huruf H; ~ *besi* gergaji utk memotong logam; ~ *busar* sj gergaji lengkung yg berbingkai kayu dgn bilah nipis, dan digunakan utk memotong lengkung pd kayu; ~ *gelung* sj gergaji dgn satu atau dua mata drpd keluli nipis yg berbentuk gelung, dan digunakan utk membelah balak; ~ *kerat* gergaji utk memotong kayu melintang urat; ~ *kerawang* gergaji utk membuat ukiran; ~ *lengkuk* sj gergaji tangan yg terdiri drpd bingkai keluli berbentuk U dgn bilah yg halus dan digunakan utk memotong lengkung yg sempit pd papan nipis; ~ *lengkuk halus* sj gergaji lengkung yg kecil dan digunakan utk memotong bahagian yg rumit, membulatkan bucu kayu, atau membuat reka bentuk tertentu; ~ *lengkung* sj gergaji tangan dgn bilah keluli yg nipis, dipasang pd bingkai logam yg melengkung, dan digunakan utk menebang pokok-pokok kecil; ~ *lubang kunci* sj gergaji yg bilahnya runcing pd bahagian hujung dan digunakan utk membuat lubang, memotong bucu, dll; ~ *pengerat* = ~ *potong pepat* sj gergaji yg digunakan utk memotong pepat kayu merentasi ira; ~ *pita* = ~ *tali* gergaji yg matanya berlingkar; ~ *potong pepat sisi* sj gergaji yg terdiri drpd rangka yg mengandungi beberapa keping gergaji talam, utk memotong atau membuang bahagian papan yg serong supaya sisi papan itu pepat; ~ *racik* sj gergaji

(gelung atau talam) yg digunakan utk meracik dan menggergaji balak segi, kayu racik, dan kayu sayung; ~ *rantai* sj gergaji berjentera mudah alih yg mata pemotongnya terlekat pd rantai yg berputar, dan digunakan utk menebang pokok dan memotong tual kayu balak; ~ *saber* sj gergaji berjentera dgn bilah yg nipis dan pendek, dan digunakan utk memotong lengkung, membuat lubang, dll; ~ *talam* sj gergaji drpd keluli tegar yg bulat, pipih, yg berputar pd aci bermotor, dan digunakan utk memotong bahagian tepi atau hujung kayu; ~ *tangan* gergaji kecil yg dipegang dgn sebelah tangan; ~ *tebuk* gergaji yg matanya tidak lebar; *spt* ~ *dua mata* prb orang yg mendapat keuntungan drpd dua pihak;

bergergaji sudah dipotong dgn gergaji (bkn balak, kayu dsb);

menggergaji **1.** memotong dgn gergaji; **2.** berjalan serong ke kiri;

penggergajian tempat menggergaji kayu;

penggergaji orang yg menggergaji.

gergajul Jk penjahat, samseng.

gergap sj kaca.

gergasi **1.** sj makhluk besar yg suka makan orang, raksasa bersiung, bota;

2. ki seseorang atau sesuatu (spt jentera, alat, dll) yg sangat besar, atau yg mempunyai kebolehan (kemampuan) yg luar biasa: *kebolehan komputer dilihat sbg ~ mesin kira yg cepat; saksikanlah ~ bola sepak beraksi dlm kejohanan ini*; **3.** ki kuasa besar dlm sesuatu lapangan atau bidang: *ada kalangan yg masih merendahkan kemampuan Jepun menjadi ~ ekonomi*;

menggergasi menjadi besar spt gergasi: *harapannya menggunung dan impiannya ~*.

gerha isteri, permaisuri.

gerhana **1.** = ~ *bulan* bulan gelap sebahagian atau seluruhnya (kerana kena bayang-bayang bumi); **2.** = ~ *matahari* matahari gelap

sebahagian atau seluruhnya (kerana bulan berada di antara bumi dan matahari); **3.** Id ki dlm kesusahan;

menggerhanakan ki menyebabkan menjadi gerhana, memudahkan: *puisinya ~ semua puisi Inggeris yg sezaman dengannya.*

geri → **gerak.**

geriak I; menggeriak berkerumun (merayap) banyak-banyak (spt semut dll).

geriak II Kl dahak.

geriap Jk; **menggeriap** menjadi layu (mata kerana mengantuk), menjadi malap (bkn lampu yg kekurangan minyak).

geriatrik (gériatrik) kajian tentang penyakit di kalangan orang tua, dan perawatan serta penjagaan kesihatan mereka: *wad ~*

gericau bunyi berulang-ulang yg keras (spt bunyi burung, kera, dll);

menggericau mengeluarkan bunyi berulang-ulang yg keras (berkicau dll).

geridip; menggeridip berkelip-kelip, gilap-gemilap.

geridit; *~pidit* Mn penuh sesak.

gerigi I gigi-gigi tajam pd permukaan atau tepi sesuatu, gerigis;

bergerigi mempunyai gerigi, banyak geriginya.

gerigi II sj tumbuhan (pokok), *Connaropsis sericea.*

gerigik bekas (buluh) bertangkai utk mengambil air dll.

gerigis 1. gigi-gigi tajam pd permukaan atau tepi sesuatu, gerigi; **2.** takik pd permukaan logam dll;

bergerigis bergigi-gigi, bergerigi;

menggerigis membuat gerigis (pd sesuatu permukaan);

menggerigiskan menjadikan bergerigis.

gerigit; menggerigitkan menimbulkan rasa geram bercampur sayang: *anak kecil yg petah bercakap itu ~ perasaan setiap orang.*

gerih Jw ikan asin (kering).

gerik; *gerak*-~; → **gerak**

gerila 1. = *perang* ~ perang secara kecil-kecilan dan tidak berhadapan; **2.** = *pasukan* ~ pasukan yg menjalankan perang gerila.

gerim IB; *kain* ~ kain yg dibuat drpd bulu kambing atau unta, sj sakhlak.

gerimis = *hujan* ~ hujan rintik-rintik.

gerimit gerudi, penggerak.

gerincing → **gemerencing**.

gerinda = *batu* ~ batu canai yg berputar;

menggerinda mencanai dgn gerinda.

gerindin Mn menggigil (sj penyakit kuda dll).

gerinding sj alat bunyi-bunyian (dimainkan dgn mendekapkannya pd mulut dan dipetik), sj genggong.

gering bd sakit, uzur;

~ *bersalin* sakit hendak bersalin; ~ *hulu* pening kepala; ~ *tengah* sakit perut;

kegeringan perihal gering;

penggering 1. sentiasa sakit; **2.** mantra utk menyakitkan orang.

geringsing sj corak kain batik (kain tenun).

gerinjal ark ginjal.

gerinjam 1. batu asah yg dipakai utk mencanai gigi; **2.** benda yg digunakan utk membersihkan lubang (telinga dll), pencolek;

menggerinjam membersihkan (dgn gerinjam), mencungkil.

gerinting sj rumput, *Chamaeraphis aspera*.

gerinyau; **menggerinyau** gatal atau geli: *keladi* dimakan ~ lidah.

gerip I IB kalam papan batu.

gerip II; *akar* ~ *putih* a) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar getah sundik, *Leuconotis griffithii*; b) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar putar angin, akar serpat putih, *Parameria barbata*.

gerip-gerip → **gerit-gerit II**.

geripir IB penulis dlm mahkamah.

gerisi → **kerisi**.

gerisik terkersik, berbunyi kersik-kersik.

gerising mengherot-herotkan muka, gerenyot.

gerit I bunyi spt bunyi pena digoreskan dll.

gerit II → **geret**.

gerit-gerit I; *ikan* ~ sj ikan darat.

gerit-gerit II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar sangkang buaya, akar serepat jantan, *Urceola malaccensis*.

geritik; **menggeritik** menggeletar, menggigil.

geriuk Kl, Tr banyak sekali (anak, semut, dll).

gerlang Kl bulatan (bundaran) pd lukisan dll, kepingan bulat-bulat;

menggerlang mengerat jadi kepingan bulat-bulat.

gerlap kerlap;

menggerlap berkilauan, berkilat-kilat.

gerlip kerlip;

menggerlip berkerlip-kerlip.

gerluh; **menggerluh** berkeruh, berdengkur: *orang yg ~ mengganggu orang lain tidur*.

germang = **menggermang** seram, meremang.

germanium (Kim) unsur bukan logam, bersifat semikonduktor, digunakan sbg mangkin dan utk membuat peranti transistor.

germisid (Bio) bahan yg boleh membunuh kuman, pembunuh kuman.

germo Jw **1.** pemburu; **2.** barua, alku, muncikari.

germut; **menggermut** merayap, berkerumun;

menggermuti mengerumuni; → **gerumut**.

gernyut; **menggernyut** **1.** bergerak geliang-geliut; **2.** berkernyut, berdenyut.

geroak Jk berlubang besar.

gerobak I gerabak, pedati;

~ *kereta api* gerabak kereta api; ~ *lembu* gerobak yg ditarik lembu;

~ *sorong* gerobak yg disorong; *oto* ~ = *mobil* ~ Id lori.

gerobak II Kl almari dapur utk menyimpan makanan dll; → **gerobok II**.

geroboh sj tumbuhan (pokok renek), seburut, *Thottea grandiflora*.

gerobok I; bergerobok, menggerobok menggelegak (spt botol dimasukkan ke dlm air).

gerobok II 1. sj almari utk menyimpan makanan dll; **2.** peti besar tempat pakaian dll.

gerocok Id; **bergerocokan** berbunyi spt bunyi air yg keluar dr pancuran.

geroda sj burung dlm sastra lama, burung rajawali besar, helang besar (kenaikan Visynu).

gerodak bunyi spt bunyi batu di dlm peti kalau digoyang;

menggerodak 1. berbunyi spt bunyi tikus dlm peti; **2.** menceroboh masuk; **3.** Kd mengacau dgn kayu dlm sesuatu bekas dgn kuat.

gerogol I (Palembang) rumah di atas rakit.

gerogol II Jk pagar penguat benteng, pagar utk menahan ombak (di pantai).

gerogot Jk; **menggerogot** menggigit-gigit, mengunggis.

gerohok, gerohong Jk lubang besar (pd pokok).

gerokok Kl; **menggerokok** membongkokkan badan kerana sakit di perut.

gerombol; bergerombol berkumpul, berkelompok: *pengganas-pengganas* ~ *utk menyerang*;

gerombolan 1. kumpulan, kelompok; **2.** kumpulan orang jahat (perusuh dll): *polis melepaskan tembakan supaya ~ itu bersurai*.

gerombong = **gerombongan** kelompok, kumpulan.

gerompok; menggerompok mengerumuni.

gerondong I sj siput yg digunakan utk membuat perhiasan, *Dolium*.

gerondong II penyakit bengkak pd kelenjar tiroid (gondok) di bahagian depan atau tepi leher, beguk, gondok.

gerong berlubang (rongga) dlm tanah.

gerongga Kd geronggang.

geronggang 1. berlubang di dalam; **2.** rongga (dlm pokok dll):
kebanyakan tulang yg besar itu mempunyai ~.

geronggong I sj tumbuhan (pokok), derum paya, *Cratoxylon orborescens*; ~ semut sj tumbuhan (pokok kecil), cinta mula, janggut kecil, kelat liau, pokok lebar (luas), medang salah, pendarah, *Ouratea crocea*.

geronggong II → **geronggang**.

geronggong III; ~ laut sj ikan ampai-ampai (mengandung racun).

gerontang Jk bunyi riuh (utk menakutkan dll), gerantang.

gerontologi (gérontologi) kajian tentang proses penuaan serta masalah yg dihadapi orang tua.

geronyong sj tumbuhan (pokok), geretak, *Turpinia pomifera*.

geronyot denyut-denyut (urat daging dll), sengal.

geropes; menggeropes membuat pekerjaan yg kecil-kecil.

geropyak Jw bunyi spt bunyi dinding jatuh dll.

geropyok Jw; **menggeropyok** mengejar hendak menangkap (penjahat, binatang, dll), menyergap;
penggeropyokan penangkapan, penyergapan.

geros Jk; **menggeros** mendengkur.

gerosak, gerosok kerosok, bunyi daun kering yg dipijak dll.

gerpak I Kl **1.** serempak, sekali gus; **2.** sekelompok.

gerpak II Kl; **menggerpak** menggertak, mengugut.

gersak bunyi spt pasir (daun kering dll) dipijak.

gersang 1. kering dan tidak subur (bkn tanah); 2. tegak kaku (bkn rambut); 3. hampa, kosong: *tinggal sekeping hati yg ~*;

menggersangkan menjadikan hampa, kosong: *kehidupan kota telah ~ kehidupan seni warganya*;

kegersangan keadaan gersang, kekeringan, kehampaan, kekosongan; → **kersang**.

gersik 1. kerikil, pasir yg kasar, kersik; 2. bunyi pasir dipijak.

gersul; *gerbang* ~ terurai dan kusut (rambut).

gertak I tengking (hentakan kaki, ugutan, dll) utk menakut-nakutkan, gerantang;

~-*gerantang* = ~ *sambal* ugutan utk menakut-nakutkan saja; *kalah* ~ Id kalah suara, kalah kerana diugut; *main* ~ suka menakutkan orang;

menggertak mengugut (mengancam, menakutkan) dgn suara yg keras dll: *ia berjalan di hadapanku dgn muka yg marah, ~, dan menakut-nakutkan*;

menggertakkan 1. menghentak atau mengacu (sesuatu) utk mengugut: *digertakkannya perisainya kpd anjing itu*; 2. memacu (kuda) supaya kencang larinya: *Patan itu pun naiklah ke atas kuda itu lalu digertakkannya*; 3. mengeritkan (gigi, geraham) kerana marah dll; 4. Kl menggoncang (bekas barang dll) supaya isinya padat;

gertakan 1. gertak; 2. perbuatan menggertak;

penggertak 1. orang yg menggertak; 2. perkakas utk menggertak; 3. benda utk memberanikan.

gertak II Kl, Tr jambatan kecil dan pendek, titi.

gertap → **gerlap**.

gertik bunyi yg lebih halus drpd ketak.

gertuk bunyi mengetuk-ngetuk;

menggertuk, menggertukkan menggoncangkan kuat-kuat:
cubalah gertuk tikar itu.

geru; menggeru meraung (gajah), mengaum (harimau).

geruai lemah badan (kerana besar dan tinggi).

gerudi sj alat utk membuat lubang (pd kayu dll), penggerek, penebuk lubang, gerimit;

menggerudi **1.** membuat lubang dgn gerudi; **2.** mengorek lubang jauh ke dalam bumi atau di dasar laut utk mencari minyak: ~ minyak;

penggerudian perbuatan (kerja dsb) menggerudi.

geruguh Kd, Kl sj alat menangkap ketam dll (sj bubu).

gerugun sj tumbuhan (pokok memanjat), *Celastrus malayensis*.

gerugut kasar dan berigi-rigi (tanduk kerbau dll).

geruh **I** malang, celaka, nasib buruk, sial; ~-gerah berbagai-bagai kemalangan; ~ tak mencium bau prb kemalangan tidak dapat diketahui lebih dahulu;

kegeruhan kemalangan, kecelakaan.

geruh **II; menggeruh** **1.** mendengkur; **2.** meraung, menggeru.

geruit; menggeruit berbelit-belit, geliang-geliut.

geruk **I; menggeruk** membungkus buah-buahan (nangka dll) supaya tidak gugur.

geruk **II; ~-gerak** bunyi barang yg digeserkan di lantai dll.

geruk **III** sj tumbuhan (pokok) dlm famili Hamamelidaceae, *Symingtonia populnea*.

gerumit; menggerumit membuat pekerjaan yg halus-halus, menggeropes.

gerumuk; menggerumuk duduk meringkuk (spt orang sakit), mendekam, meromok.

gerumut Jk; **menggerumut** berkerumun banyak-banyak (bkn semut dll);

menggerumuti mengerumuni.

gerun takut, ngeri, gamang: *dia ~ dgn keadaan dlm hutan; ~ gementar takut yg amat sangat: hati mereka ~ gementar kerana mereka yakin akan kembali kpd Tuhan mereka;*

menggerunkan menimbulkan rasa gerun: *peristiwa itu ~, ngeri, dan menakutkan; angkatan tentera yg terkuat, yg dapat ~ musuh;*

kegerunan perasaan atau keadaan gerun, kengerian, ketakutan: *kumpulan kongsi gelap itu benar-benar menimbulkan ~ di kalangan orang awam;*

penggerun (orang, benda) yg menimbulkan gerun: *azimat ~.*

gerundang anak katak (spt ikan), berudu;

~ tinggallah di kubangan prb jangan mencampuri pekerjaan orang lain; *gedang ~ di kubangan, gedang ikan raya di lautan* prb tiap-tiap orang besar mulia di tempatnya masing-masing.

gerunduh Tr lebat (buahnya).

gerung I; *~-gerang* bunyi spt bunyi pinggan mangkuk berhantukan.

gerung II Mn; **menggerung** mengerang (spt orang sakit), meraung;

tergerung mengerang, meraung dgn tiba-tiba.

gerung-gerung sj ikan laut, gerung belang, daing belang, *Gnathanodon speciosus*.

gerunggung sj tumbuhan (pokok), *Cratoxylon formosum*.

geruning sj binatang (macam cicak besar).

gerunyut; **bergerunyut** menggeletar, gementar.

gerup bebas tempat dipasang sisir (pd perkakas tenun).

gerupuk Mn; **tergerupuk** terperlus (ke dlm lubang, lumpur, dll), terperosok;

menggerupukkan 1. menjatuhkan (ke dlm sesuatu), memerosokkan; 2. ki mencelakakan.

gerus sj siput yg cangkerangnya dipakai utk melicinkan dan mengkilatkan kain, *Cypraea tigris*;

bergerus dilicinkan dan dikilatkan dgn gerus: *pemukaan kain tenun yg ~*;

menggerus menggosok dgn gerus (supaya licin dan berkilat);

gerusan; *kain ~ kain yg telah digerus.*

gerusih = ~ *jantan* = ~ *putih* sj tumbuhan (pokok kecil), *Randia racemosa*.

gerut bunyi spt bunyi kayu dikikir dll, bunyi bergesek.

gerut-gerut = *ikan ~ sj ikan laut, Pomadasys spp.*

gerutu I = **menggerutu** kasap, kesat, berkerut-kerut (kulit pokok, binatang, dll): *paip itu menggerutu spt limau purut*; → **kerutu**.

gerutu II sungut, comel: “ ... *macam orang tak beragama,*” ~ *Haji Salihin*;

menggerutu bersungut-sungut, mencomel.

gerutu III sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, meranti gerutu, seraya putih berat (di Sabah), *Parashorea spp.*

gerutup; **menggerutup** (ber)bunyi meletup (spt bunyi mercun, senapang, dll) yg berturut-turut.

gesa; **gesa-gesa** = **bergesa-gesa** = **tergesa-gesa** bergopoh-gapah, terburu-buru, cepat-cepat: *dia berangkat tergesa-gesa sehingga tertinggal begnya*;

menggesa, **menggesa-gesa** **1.** menyuruh membuat cepat-cepat: *buatlah pekerjaan itu dgn tenang, jangan digesa-gesa*; **2.** menyuruh dgn sungguh-sungguh, mendesak: *negara itu telah ~ kerajaan Inggeris supaya jangan campur tangan dlm hal-hal dlm negerinya*;

menggesa-gesakan menyegerakan, mempercepat;

gesaan kata-kata, usaha, dsb utk menggesa, desakan: *~nya tidak diendahkan;*

ketergesa-gesaan keadaan tergesa-gesa: *mereka terpaksa membuat tempat berlindung dlm ~;*

penggesaan perbuatan menggesa: *antara caranya ialah melalui diplomasi, ~, dan pembujukan.*

gesau → **desau**.

gesek (gésék) gosok, geser; *asah se~ sehari;*

bergesek bergosok, bergeser;

menggesek menggosok (mata dll), menggeser (tali biola, gitar, dll): *~ mata;*

mempergesek-gesekkan menggosok-gosokkan, menggeser-geserkan (dua benda);

gesekan hasil perbuatan menggesek;

pergesekan perihal bergesek (bergosok);

penggesek **1.** orang yg menggesek; **2.** alat utk menggesek (biola dll); **3.** = *~ api* Kl mancis.

gesel (gésél) gosok, geser;

bergesel bersentuh (dgn), bergosok (dgn), kena-mengena: *makan minum terpaksa bersama-sama, kadang-kadang ~ badan; ~ bahu berhubungan erat, bergaul, bergandingan;*

bergeselan saling bersentuhan;

gesel-menggesel saling menggesel;

menggesel menggeser, menggosok: *bola putih itu ~ bola biru;*

menggeselkan menggeserkan, menggosokkan: *apabila tanduknya mula tumbuh, rusa itu ~nya pd batang-batang kayu;*

tergesel tersentuh, tergeser, tergosok; *~ kena miang, tergegar kena rebas* prb sifat orang berkuasa (orang kecil itu tidak boleh sedikit pun bersalah kepadanya);

pergeselan perihal bergesel: ~ *personaliti juga boleh menimbulkan pelbagai masalah;*

geselan gesekan, geseran.

geseng (géséng); **bergeseng** bergesek kerana hendak bermanja; *kalah adat dik muafakat, kalah kemat dik* ~ prb tali perhubungan antara seorang laki-laki dan perempuan dapat dieratkan oleh pergaulan.

geser (gésér); **bergeser 1.** = **bergeseran** bergeselan, bergosokan, bersentuhan: *derauan hujan berselang-selang dgn bunyi desiran daun-daun kayu* ~; **2.** berengsot, beralih tempat: *dia tidak ~ dr tempatnya;*

menggeser menggesel, menggosok: *lututnya luka kerana ~ simen;*

menggeserkan mengalih, menolak (menarik) supaya berengsot: ~ *kerusi sedikit ke belakang;*

tergeser tergesel; ~ *kena miangnya, terlanggar kena rebasnya* prb sifat orang berkuasa (orang kecil itu tidak boleh sedikit pun bersalah kepadanya);

geseran 1. geselan, gesekan; **2.** (Lin) bunyi desis yg dihasilkan apabila udara melalui ruang yg sempit (spt [s]);

pergeseran 1. pergesekan; **2.** perselisihan, pertelingkahan: *sebarang ~ dlm parti tidak boleh dianggap sbg jalan ke arah keretakan; di sini terjadi pula ~ makna sesuatu kata;* **3.** pertukaran tempat, peralihan tempat;

penggeseran perihal (perbuatan dsb) menggeserkan.

gesit Jk tangkas, cepat, pantas: *pemain hoki yg ~.*

gesper (géspér) IB kepala tali pinggang (utk menyambungkan kedua-dua hujung).

gestalt (Psi) struktur sesuatu benda atau idea yg harus ditanggapi secara utuh kerana jumlah keseluruhannya tidak sama dgn jumlah pecahan-pecahannya.

Gestapo (géstapo) polis rahsia Jerman semasa pemerintahan Nazi yg terkenal dgn soal siasatnya yg kasar dan kejam.

gestasi (géstasi) (Bio) perkembangan embrio di dlm rahim antara mulai hamil (bunting) hingga masa dilahirkan: *tempoh* ~.

get (gét) **I** (Komp) **1.** peranti yg mempunyai satu saluran output dan satu saluran input atau lebih, yg keadaan outputnya ditentukan oleh keadaan input; **2.** salah satu elektrod pd peranti transistor yg digunakan dlm cip litar komputer.

get (gét) **II** bp = *pintu* ~ pintu pagar.

geta I takhta; ~ *peraduan* katil raja.

geta II Kl = *galang* ~ Kd balak penyangga papan lantai, gelegar.

geta III sl genta.

getah I 1. cairan pekat yg keluar dr bermacam-macam pokok: ~ *jelutung*;

~ *rambung*; **2.** = *susu* ~ = ~ *susu* cairan yg keluar dr pokok para (atau pokok getah) terutamanya apabila ditoreh kulitnya; **3.** bahan kenyal atau memberi yg dibuat drpd susu getah dll; ~ *pemadam* = ~ *penggosok*; *kasut* ~; *tikar* ~; **4.** pokok para, *Hevea spp.*: *ladang* ~; *menanam* ~; **5.** Id zat cair dr kelenjar tubuh: ~ *bening*; ~ *lambung*;

~ *asap* kepingan getah yg sudah diasap; ~ *asli* = ~ *alam* getah yg berasal drpd pokok para; ~ *bening* Id zat cair drpd darah yg mengandungi zat makanan; ~ *buku* = ~ *sekerap* = ~ *tanah* sisa susu getah yg sudah keras; ~ *gebu* getah yg berupa span (bunga kerang); ~ *kahwin* pokok getah yg diperoleh dgn jalan mengahwinkan pokok-pokok getah yg berlainan jenis; ~ *keping* getah yg berupa kepingan; ~ *kerip* getah keping yg menggerutu; ~ *kilangan* getah yg telah diproses di kilang; ~ *lambung* Id zat cair dlm perut utk pencernaan makanan; ~ *serbuk* getah yg berupa serbuk; ~ *span* = ~ *busa* getah yg dimasukkan gelembung-gelembung udara, biasanya

digunakan utk membuat tilam dan kusyen; ~ *taban* = ~ *perca* getah drpd pokok dlm famili Sapotaceae, terutama drpd taban merah, *Palaquium gutta*, dan digunakan utk membuat bahan penebat kabel; ~ *tiruan* = *sintetik* getah yg dibuat drpd campuran bahan kimia yg cirinya (spt kekenyalan dll) menyerupai ciri getah asli, dan digunakan utk membuat paip, tayar, dll;

~~~ *dibawa ke lalang* prb orang yg pandai itu mudah sekali menipu barang siapa yg bergaul dengannya; ~~~ *dibawa ke semak* prb perkara yg semakin kusut; ~ *meleleh ke pangkal, daun melayang jauh* = *daun dapat dilayangkan*, ~ *jatuh ke perdu juga* prb anak sendiri lebih dikasihi drpd anak saudara; ~ *terbangkit, kuaran tiba* prb salah langkah (utk mencari keuntungan); *berseleleran bagai ~ di lalang* prb percakapan yg tidak berkesudahan dan tidak beraturan; *ditakik ~ di daun* prb hidup melarat; *tak sama ~ daun dgn ~ batang* prb kasih kpd anak kandung tidak sama dgn kasih kpd anak saudara; *tak sungguh ~ daun, yg sebenarnya ~ batang* prb sejahat-jahat saudara kandung, lebih baik juga drpd kerabat yg lain;

**bergetah** 1. mempunyai (mengandung) getah: *pokok itu ~*; 2. lekat, melekat: *badannya ~ kerana berpeluh*; 3. mencari getah (di hutan); 4. ki menarik dan menggiurkan (bkn bentuk badan wanita), seksi: *dia kelihatan berkepit dgn wanita baru yg ~ itu*; ~ *bibir* ki sangat pandai memikat hati (membujuk dll);

**menggetah** 1. mencari getah: *kawan-kawannya ~ ke hutan*; 2. menangkap (burung dll) dgn getah: ~ *punai*; 3. menjadi spt getah; ~ *bawang* ki perkataan dll yg menyakitkan hati; *niat hati nak getah bayan, sudah tergetah burung serindit* prb lain yg dihajati, lain yg diperoleh;

**tergetah** terkena getah.

**getah II;** ~ *sundik* sj tumbuhan (pokok), *Payena havilandii*; akar ~ *sundik* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar gerip putih, *Leuconotis maingayi*.

**getak I** Pn gugur (buah-buahan, gigi, dll).

**getak II;** ~-*getuk* bunyi ketuk-ketuk.

**getang I** benda tipis (kain, daun, kulit) yg diregangkan utk menutup sesuatu;

**menggetang 1.** menutup dgn benda tipis yg dibentangkan; ~ *muka* menutup muka; **2.** Kl mengikat, membelit, menyimpul;

**penggetang;** *kulit* ~ kulit yg digetang pd gendang (rebana dll).

**getang II** sj tumbuhan (herba yg daunnya digunakan sbg obat sakit gigi), *Spilanthes acmella*.

**getangguri** sj tumbuhan (herba), *Sida rhombifolia*.

**getap I** Mn pecah, rekah;

**menggetap** memakan (mengunyah, menggigit) benda yg keras, mengatupkan (gigi, bibir) rapat-rapat: *giginya digetap-getap*, *bibirnya kumat-kamit*; ~ *geraham* berkertak gigi.

**getap II** Jw; **getapan** mudah terperanjat, lekas sakit hati.

**getar I; bergetar, menggetar** bergerak cepat dan berterusan ke depan ke belakang, bergentar;

**menggetarkan** menggentarkan, menggegarkan sedikit, menjadikan bergolak (agak riuh dsb): *pancaran lampu menjadikan suasana lebih menarik dan ditambah dgn caklempong yg ~ suasana malam*;

**tergetar-getar** terketar-ketar: *kata Sabrika dgn suara yg ~, yg tidak dapat dikawal*;

**getaran** gentaran;

**penggetar** penggentar; → **ketar I**.

**getar II** Kl; ~ *sakmur* sj kuih (dibuat drpd ubi, santan dan gula).

**getas I 1.** mudah pecah (patah), rapuh; **2.** ki mudah patah hati.

**getas II** Jk tegas, tentu, nyata.

**getas III** Pr bernasib baik.

**getas-getas** sj kuih (dibuat drpd tepung pulut, kelapa) yg dibentuk menjadi bujur, digoreng dan disira.

**getek** (géték) **I** buruk kelakuan (bkn perempuan), geletek, gelenyar.

**getek** (géték) **II** Jk rakit.

**getek** (géték) **III**; **tergetek-getek** terketek-ketek.

**getek** (géték) **IV** Ph, Tr juga, bersama-sama.

**getel** (gétél) Kl, Tr gentel; *bulat* ~ bulat sungguh.

**geti** sj tumbuhan (pokok), (kacang) turi, *Sophora grandiflora*.

**geti-geti** sj kuih yg dibuat drpd kacang dan gula.

**getik I**; **menggetik 1.** memukul atau menguis sesuatu dgn belakang hujung jari yg dibidaskan dgn ibu jari, menjentik; **2.** menggetil;  
**getikan** hasil atau perbuatan menggetik.

**getik II** Pr benci, jijik, meluat.

**getil**; **menggetil** menjepit dgn ibu jari dan jari telunjuk atau jari-jari lain, mencubit;

**getilan** hasil perbuatan menggetil, cubitan.

**getir I** Jw rasa pahit (spt rasa kulit limau); *pahit* ~ (*hidup*) penderitaan atau pengalaman pahit (hidup);

**kegetiran** kepahitan (hidup).

**getir II** → **getil**.

**getis I** getas, rapuh, mudah patah.

**getis II**; **menggetis** menggentis, memetik (tangkai, pucuk, dll).

**getok** Jk ketuk;

**menggetok** mengetuk.

**getol** Jk tekun, rajin.

**getu; menggetu** 1. menekan atau menindas (kutu dll) dgn kuku; 2. mencubit;

**getuan** hasil menggetu, cubitan: *~nya meninggalkan bekas di paha anaknya.*

**getuk** Jw sj penganan yg dibuat drpd ubi kayu.

**getun** Jk → **gegetun**.

**getus** Kl; **menggetus** memetik (bunga, daun, dll), menggetis, menggentis.

**gewang** (géwang) I 1. siput mutiara (digunakan utk perhiasan peti, butang, dll): *giginya bersih laksana ~*; 2. subang kecil.

**gewang** (géwang) II; **tergewang-gewang** tergoyang-goyang: *Si Galak rebah ke tanah dgn kedua-dua kakinya ~ di udara; belalai-nya ~.*

**ghaflah** sl lupa: *sesungguhnya spt sabda raja itu adalah ~ kpd peperangan kamu yg telah lalu itu.*

**ghaib** 1. tidak dapat dilihat, tersembunyi; *ilmu ~ a) ilmu bkn kekuatan dll yg tersembunyi; b) ilmu suluk (tasawuf); kuasa ~ tenaga yg tidak kelihatan; 2. hilang, lenyap: setelah sudah berkata-kata, suara itu pun ~lah; badannya ~ tiada berketahuan; 3. sl meninggal, mangkat: baginda yg telah ~; 4. ajaib, aneh (keadaan dll): peristiwa yg ~;*

**mengghaibkan** menghilangkan, menjadikan tidak nampak; *~ diri* menghilangkan diri;

**keghaiban** perihal atau keadaan ghaib.

**ghain** 1. huruf ke-19 abjad Arab (mempunyai nilai 1000); 2. huruf ke-20 abjad Jawi.

**ghair** Ar melainkan, hanya.

**ghairah** 1. nafsu (keinginan) yg keras, cinta (berahi) yg amat sangat: *dia melihat gadis itu dgn penuh ~*; 2. cemburu yg keras: *~nya berombak-ombak melihat kelakuan isterinya*; 3. penuh minat

(keinginan, nafsu, dll), mempunyai atau menunjukkan minat (keinginan dsb) yg keras atau meluap-luap: *anak-anak muda itu makin ~ menyanyi*;

**mengghairahkan** **1.** menimbulkan nafsu (cinta, cemburu, dll) yg amat sangat: *memang kucing itu apabila berkasih-kasihannya terlalu ~*; **2.** mengingini (mencintai, mencemburui) amat sangat: *ia ~ kedudukan saudaranya itu*;

**keghairahan** **1.** nafsu, percintaan, cinta berahi; **2.** kecemburuan; **3.** perihal ghairah (penuh minat), keinginan (minat) yg keras: *~ orang ramai menyertai koperasi yg menjanjikan kemudahan pinjaman kpd mereka tentu sekali menarik minat banyak pihak yg ternyata menangguk di air keruh*;

**pengghairah** sesuatu yg (boleh) mengghairahkan.

**ghali** sl → **gali** II.

**ghalias** → **galias**.

**ghalib** **1.** berjaya, beruntung, menang; **2.** biasa, lazim: *apa ~nya yg terjadi kalau kita meminjamkan wang kpd orang lain?; pd ~nya biasanya, lazimnya, pd umumnya*;

**mengghalibkan** membiasakan, melazimkan;

**keghaliban** kebiasaan, kelaziman.

**ghana** Ar kekayaan; *Tuhan yg ~* Tuhan yg memiliki segala kekayaan.

**ghani** Ar kaya.

**ghanimah** Ar harta rampasan perang.

**gharib** Ar aneh, asing, ganjil, luar biasa.

**ghaut** Ar; *~ serang* pengusaha yg mencari pekerja utk bekerja di kapal.

**ghaza** Ar sl jaya.

**ghazal** sj muzik yg dimainkan dgn menggunakan alat muzik spt gambus (akordion, marakas, marwas, dsb) dan biasanya diiringi oleh nyanyian.



**ghetto** (géto) **1.** kawasan bandar yg didiami oleh sesuatu etnik atau kumpulan sosial minoriti, biasanya hidup dlm keadaan miskin, perumahan yg sesak dan daif, terasing dsb: ~ *bukan sahaja dikaitkan dgn kualiti tempat kediaman yg merosot dan usang, tetapi juga dgn ciri-ciri kaum yg menghuninya; ramai pekerja kulit hitam yg terpaksa tinggal di ~ di Chicago, Detroit atau New York;* **2.** kawasan di sesebuah bandar raya di Eropah yg dahulunya menjadi tempat kediaman penduduk Yahudi.

**ghobar** sedih, pilu.

**ghoyat** Kl bercerita, memberitahu.

**ghulam** Ar hamba, budak.

**ghurab** Ar sl perahu.

**ghurub** Ar terbenam (matahari).

**GHz** simbol bagi gigahertz.

**gi** minyak sapi.

**giam** sj tumbuhan (pokok yg keras kayunya), cengal tenggelam, merepak, *Hopea nutans*.

**gian** **1.** cepat habis, banyak terpakai (minyak dll): *orang boros lekas ~, merapu dana hari kemudian;* **2.** bp sangat ketagih akan sesuatu (dadah dsb).

**giang** gatal, miang.

**giat** **I** sentiasa atau sering kali membuat sesuatu, aktif, cergas, cekatan, tangkas: *kita mesti ~ bekerja; sejak awal tahun enam puluhan, Mohd Nor Azam ~ menulis ulasan tentang cerpen;*

**bergiat** berusaha dgn giat, bersungguh-sungguh, aktif: *dia ~ dlm lapangan seni nyanyi; kanak-kanak itu tidak mahu ~ menjayakan usaha guru;*

**menggiatkan, mempergiat, mempergiatkan** menyebabkan bergiat, membangkitkan semangat utk berusaha: *perkataan itu ~ usaha mereka;*

**kegiatan 1.** perihal atau keadaan giat, kecergasan; **2.** aktiviti;

**penggiat** pihak (bahan, orang, jentera, dsb) yg menggiatkan sesuatu; penggerak: *tokoh dan ~ teater berkumpul utk membincangkan kegiatan teater tanah air.*

**giat II** ejekan, cemuh: *~ dan cemuh kawan-kawannya tidak pernah dijawab;*

**menggiat** mengejek, mencemuh.

**giau; menggiau** memotong padi dgn sabit, menyabit;

**penggiau** pisau utk menyabit padi.

**gibas** kambing biri-biri yg mempunyai ekor besar, domba.

**gidik Id; bergidik** geli;

**menggidik, menggidik-gidik** menggelikan, menggeletek.

**giga** unit bagi kuantiti yg berjumlah seribu juta: *~bait.*

**gigabait** (Komp) unit data yg bersamaan dgn seribu juta atau  $10^9$  bait, digunakan bagi menyatakan kemampuan storan pukal spt cakera padat dan cakera keras.

**gigahertz** unit frekuensi yg bersamaan dgn  $10^9$  kitar sesaat.

**gigameter** (gigaméter) unit metrik yg bersamaan dgn  $10^9$  meter.

**gigau ark; menggigau** berkata-kata dlm tidur; → **igau I.**

**gigavolt** unit tenaga elektrik yg bersamaan dgn  $10^9$  volt.

**gigawatt** unit kuasa elektrik yg bersamaan dgn  $10^9$  watt.

**gigi I 1.** struktur keras yg menyerupai tulang, yg tumbuh pd gusi (gunanya utk menggigit, mengunyah, dll); **2.** ki benda yg bentuknya spt gigi: *~ sikat (gergaji dll); ~ kikir;* **3.** ki tepi, pinggir; *~ anjing (asu) siung, taring; ~ asmaradanta* gigi yg putih spt gading; *~ air* tepi air laut dll; *~ batu = ~ buatan* gigi palsu; *~*

*belalang* = ~ *susu* gigi kanak-kanak yg akan berganti; ~ *berdukung* = ~ *tersengkil* gigi berlapis; ~ *bongsu* = ~ *muda* gigi geraham yg akhir sekali tumbuhnya; ~ *geligi* Id selengkap gigi; ~ *gongak* = ~ *rongak* tidak ada gigi (kerana tanggal atau tidak tumbuh); ~ *hutan* tepi hutan; ~ *jawa* balak panjang tempat tumpuan kasau (rumah Melayu); ~ *kacip* salah satu drpd lapan gigi tajam di bahagian depan mulut (di bahagian atas dan di bahagian bawah) yg berfungsi utk memotong (mengacip) makanan dsb; ~ *kapak* gigi hadapan yg besar sekali; ~ *kekal* gigi yg tidak akan berganti lagi; ~ *manis* = ~ *seri* gigi kacip; ~ *palsu* gigi tiruan yg menggantikan gigi sebenar (asli); ~ *parang-parang* gigi yg berbentuk kecil-kecil dan runcing; ~ *penolak* perkakas mesin jahit yg menyorong kain jahitan; ~ *rambut* tepi rambut di kepala; ~ *sambut* (disebut kalau) gigi pd rahang bawah di luar gigi rahang atas; ~ *sayap kumbang* gigi yg berbaja hitam (seakan-akan hijau berkilat); ~ *sulung* gigi yg mula-mula tumbuh; *lunak* ~ *drpd lidah* ki sangat lemah lembut; ~ *dgn lidah ada kala tergigit juga* prb suami isteri atau sanak saudara biasa juga berselisih (berbantah); ~ *tanggal rawan murah* (*awak tua gadis bermusim*) prb keinginan datang apabila tidak berwang (berkuasa) lagi; *tinggal* ~ *dgn lidah sahaja* prb habis segala harta;

**bergigi** mempunyai gigi; *tidak* ~ a) tidak mempunyai gigi; b) tidak berkuasa;

*belum* ~ *hendak mengunyah* prb hendak mengerjakan sesuatu padahal belum cekap lagi; *belum* ~ *sudah hendak menggigit* prb hendak berkuasa padahal belum lagi mempunyai kekuasaan; *mengunyahkan orang* ~ prb mengajar orang yg sudah tahu;

**kegigian** kedudukan dan susunan semula jadi gigi di dlm rongga mulut: *pemilihan berus gigi bergantung pd keadaan* ~ *seseorang*;

**pergigian** perihal gigi: *formula ~ binatang mengerip; Penolong Pengarah Perkhidmatan Perubatan Bahagian P~; Fakulti P~;*

**penggigian** proses (atau masa) pertumbuhan gigi.

**gigi II**; ~ *buntal* a) sj tumbuhan (pokok), gerisik hitam, *Xerospermum intermedium*; b) sj tumbuhan (pokok), campa biru, *Canarium kadondon*.

**gigih I** Mn keras hati, tegar hati, patuh kpd pendirian (pendapat dsb) sendiri: *dgn ~nya, ia menghapuskan rasuah dlm jabatannya; menyingkirkan lawannya yg paling ~;*

**kegigihan** perihal gigih, keteguhan mempertahankan pendapat (fikiran dsb): *setelah berjuang dgn segala ~nya, dia berjaya juga.*

**gigih II** ark; **menggigih** menggigil, menggeletar.

**gigil**; **menggigil 1.** menggeletar (kerana demam, ketakutan, dsb), gementar (menggentar) kuat: *dgn tidak semena-mena, badannya ~ dan seram sejuk*; **2.** turun naik atau tinggi rendah seakan-akan menggeletar (bunyi muzik dll): *gelak ketawa yg ~-gigil*;

**menggigilkan** menjadikan menggigil, menggentarkan: *angin yg bertiup ~ badannya*;

**tergigil** tergeletar.

**gigir I** Mn; **menggigir** menggigil.

**gigir II** Jw; ~ *gunung* punggung (belakang) gunung, bahagian gunung yg memanjang dr puncak ke puncak.

**gigis**; **bergigis** bergerigi.

**gigit**; **bergigit**, **bergigitan** mencengkam (mencengkeram dll) dgn gigi antara satu sama lain, saling menyepit dgn gigi;

**menggigit 1.** mengapit (mengacip, menyepit, dsb) dgn gigi: *kaki pencuri itu digigit anjing*; ~ *bibir* ki berasa marah (geram); ~ *jari (telunjuk)* ki berasa kecewa (hampa); **2.** mengapit atau mencengkam (bkn kasut); **3.** berasa seakan-akan dicengkam atau

dicucuk-cucuk (kerana kelaparan dll): *perut Pak Dollah semakin ~ lapar*; **4.** menimbulkan rasa seakan-akan dicengkam-cengkam atau dicucuk-cucuk (kerana kesejukan dll): *dinginnya terasa ~-gigit ke tulang sumsum*;

**tergigit 1.** telah digigit; **2.** boleh digigit; **3.** tidak sengaja digigit; ~ *lidah* a) tidak bermalu, tidak menghiraukan kecaman (celaan) orang; b) tidak berani bercakap terus terang (kerana terhutang budi dll);

**gigitan 1.** cengkaman dgn gigi utk menggigit; **2.** bekas digigit.

**gigolo** laki-laki upahan yg dipelihara oleh seseorang wanita sbg teman atau kekasihnya.

**gil** unit sukatan cecair yg bersamaan dgn suku pain.

**gila 1.** tidak sihat atau tidak waras fikirannya (otaknya, ingatannya):

*kelakuannya spt orang ~; rumah (sakit) ~ rumah sakit* tempat menggubat orang gila; *anjing ~ anjing* yg kena penyakit, anjing yg berbahaya; **2.** penyakit tidak sihat otak (fikiran, ingatan); **3.** bp tidak spt yg seharusnya (semestinya, selalunya), tidak normal, luar biasa; *anyam ~ anyam* yg tidak tentu coraknya; *harga ~ harga* yg bukan biasa, terlalu mahal (murah); *main ~ melakukan* sesuatu sekehendak hati sahaja (spt meninggalkan tugas atau kerja sesuka hati, berzina, dll); **4.** ki terlalu gemar (asyik, sayang, cinta, dll) akan sesuatu: *dia tu ~ menengok wayang*;

~ *angau* sangat ingin akan perempuan (lelaki), gila urat; ~ *anjing* = *penyakit anjing* ~ sj penyakit virus yg berbahaya pd anjing; ~ *asyik (berahi, hati)* terlalu cinta (asyik); ~ *babi* = ~ *sawan* sj penyakit ayan, pitam (sawan) babi, epilepsi; ~ *bahasa* = ~~~ *bahasa* rempang bahasa, kurang sihat sedikit atau tidak panjang fikirannya (cepat marah, pemberani, tidak malu, dll perangnya); ~ *bayang* cinta akan seseorang yg tidak tahu akan cintanya (tidak dibalas); ~

*bayang-bayang* perasaan ingin akan sesuatu yg tidak mungkin diperoleh; ~ *gadis* (*perempuan*) terlalu gemar akan perempuan; ~ *hormat* sangat suka dihormati (dimuliakan) orang; ~ *isim* gila kerana tersalah mengamalkan (menuntut) ilmu batin; ~ *judi* terlalu suka bermain judi; ~ *kebangsaan* selalu bersemangat (berusaha) utk memperjuangkan (memajukan) bangsanya; ~ *kuasa* sangat ingin mendapat kuasa; ~ *pangkat* a) sentiasa ingin mendapat (mengejar) pangkat; b) berubah kelakuannya (sikapnya) setelah mendapat pangkat tinggi; ~ *politik* selalu asyik dgn cita-cita (kegiatan-kegiatan) politik; ~ *renang* = ~~~ *air* agak kurang sihat ingatannya (fikirannya); ~ *seks* kecenderungan atau keinginan yg melampau (kuat) terhadap aktiviti seksual; ~ *talak* tidak sihat fikirannya kerana bercerai (selalu teringat-ingat akan bekas isteri atau suaminya); ~ *urat* sangat ingin akan perempuan (lelaki), gila angau; *tiap ~ tiap berkongkong, tiap mandi tiap bergosok* prb spt orang yg berbicara, setiap kali berbicara, setiap kali membayar belanja perbincangan;

**gila-gila 1.** bertingkah laku, bersikap dsb spt orang gila, seolah-olah, seakan-akan atau pura-pura gila: *ini bukanlah tempat dan masanya utk bergurau dan berperangai ~*; *watak ~ ini memang susah juga, tetapi ada seronoknya*; **2.** berbuat dgn sekehendak atau sesuka hati tanpa memikirkan akibat atau kesannya dsb: *dia memang suka memandu kereta ~ tanpa memikirkan keselamatan orang lain*; **3.** melampaui had atau batas yg sepatutnya, berlebihan, keterlaluan, bukan-bukan: *suatu langkah yg berkesan harus diambil segera utk membendung kenaikan harga barang keperluan yg ~ sejak kebelakangan ini*;

**bergila-gila 1.** = **gila-gilaan, menggila** berkelakuan (berperangai dll) spt orang gila (tidak menggunakan fikiran, mengikut perasaan

sahaja); **2.** = **tergila-gila** terlalu amat ingin (suka, asyik, cinta, berahi) akan sesuatu: *anak-anak muda sekarang banyak yg ~ mahu hidup di bandar; kulihat banyak gadis yg ~ kepadanya*; **3.** = **menggila** semakin sangat, menjadi-jadi, berlebih-lebihan;

**menggila 1.** menjadi-jadi, bergila-gila: *batuknya ~; peperangan sudah ~*; **2.** berkelakuan spt orang gila, bergila-gila: *di dlm hatinya berharapkan semoga musuhnya akan ~ terus kepadanya*; **3.** berasa sangat asyik (suka, gemar, dll): *pemuda yg ~ kepadanya*; **4.** menyebabkan gila (sangat kasih, suka sekali, dll); **5.** berjalan (belayar dll) dgn laju sekali, tiada teratur dll (bkn kereta, kapal, dll): *di jalan raya, motokar makin ~; korvet-korvet ini kian ~ di atas air spt ular kena palu*;

**menggilai 1.** terlalu mengasihi (mencintai, mengingini, dll): *siapa nama perempuan yg digilainya?; memperoleh sotong-sotong yg ~ cahaya api*; **2.** = **menggilakan** Mn menjaga (memelihara, melayani, dll) baik-baik;

**menggilakan 1.** menjadikan (menyebabkan) gila, membuat supaya gila; **2.** = **mempergilakan** menganggap (melayani dll) spt orang gila, mempermainkan (memperolokkan); **3.** Mn menjaga (memelihara);

**tergila-gila** terlalu suka (ingin, asyik, dll) sangat: *jangan ~ sangat hendak kahwin*;

**tergila-gilakan** terlalu sangat suka (ingin, asyik, cinta, dll) akan (seseorang atau sesuatu): *abang sudah ~ gadis lain; ~ kuasa*;

**kegilaan 1.** perihal gila; **2.** terlampau sangat suka (asyik): *pemuda-pemuda yg ~ dan kedahagaan wanita mengajak pelayan-pelayan itu berbual; penulis-penulis muda di Singapura ~ mengadakan perjumpaan*; **3.** keadaan (peristiwa dll) yg tidak biasa atau berlebih-lebihan: *memandang ~ alam dgn warna-warna senjanya*

yg keras, terang, pekat, kacau dan menakutkan; peristiwa seumpama itu ialah peristiwa yg boleh dikatakan ~; **4.** ketololan, kebodohan;

**kegila-gilaan** **1.** sedikit gila, agak gila; **2.** seakan-akan gila tampaknya: kalau diteruskan, hasilnya adalah bercorak ~ sahaja; gelak ketawa yg terlalu ~; **3.** terlalu suka (asyik, gemar, dll) sangat, tergila-gila.

**gilan** sj tumbuhan (pokok menumpang), *Elytranthe platyphylla*.

**gilang**; ~-gemilang (*cemerlang*) a) bercahaya sangat terang: disuluh oleh bulan purnama yg ~ -gemilang; b) sl teramat elok atau cantik (bkn rupa): ~-gemilang cahaya muka Awang Sulung Merah Muda; c) paling baik: harapan yg ~-gemilang; hasil yg ~-gemilang.

**gilap** licin dan berkilat (spt barang-barang perak yg baru digosok);

**bergilap** digilap: kenapa awak memakai kasut yg tidak ~;

**gilap-gemilap** bercahaya gemerlap, berkilauan;

**menggilap** menggosok supaya gilap: cara mencanai dan ~ kanta;

**gilapan** hasil mengilap: dgn ~ terakhir, dia memandang kasut itu dgn kepuasan;

**penggilapan** perihal (proses, perbuatan) menggilap;

**penggilap** **1.** bahan (alat) yg digunakan utk menggilap sesuatu: ~ kasut; **2.** orang yg menggilap sesuatu.

**gilas**; **menggilas** **1.** menindih atau menggiling hingga halus (hancur dsb): wanita umumnya pandai ~ cabai; **2.** menggelek, melindas: lori ~ seekor anjing;

**tergilas** tergelek (oleh motokar dll);

**penggilas** alat utk menggilas.

**gilau** ark kilau.

**gili**; **menggili**, **menggili-gili** **1.** menggeletek: meskipun saya marah, ia masih berani ~ saya; **2.** ki menghasut.



**gili-gili 1.** tambak, permatang; **2.** tempat tinggi di tepi jalan, tempat orang berjalan.

**gilik I; menggilik** menggelek, menggiling.

**gilik II** sj tumbuhan (pokok memanjat), *Psychotria sarmenfosa*.

**gilik III; menggilik, menggilik-gilik** menggiling, menggelikan, menggeletek.

**giling;** *anak batu* ~ batu yg bulat panjang (kawan batu giling) utk menghancurkan lada dll; *batu* ~ batu utk menghancurkan rempah (lada, beras, dll); *beras* ~ beras drpd padi yg dikupas dgn mesin; *mesin* ~ mesin berat yg digunakan utk memadatkan (meratakan) jalan;

**giling-giling** besi atau batu bulat yg digunakan utk memadatkan (meratakan) jalan (tanah);

**menggiling 1.** menghancurkan atau melumatkan (rempah dll) dgn batu giling dan anak batu giling; **2.** memadatkan (memipihkan) tanah dll dgn giling-giling (mesin giling); **3.** mengupas (mengilang) padi dgn mesin giling; **4.** memerah (mengilang) tebu dll di antara dua kayu (besi) bulat yg berpusing; **5.** menggelek; **6.** menggulung (rokok dll);

**menggilingkan** menggiling sesuatu utk: *Hasnah* ~ *emaknya rempah*;

**gilingan** aci atau gandar pd kincir;

**penggilingan 1.** mesin dll yg dipakai utk menggiling padi dll; **2.** perbuatan menggiling;

**penggiling;** ~ *jalan giling-giling*.

**gilipir** IB bp penulis dlm mahkamah, geripir.

**gilir** ganti, tukar, pusing (pekerjaan yg dilakukan berganti-ganti);

**bergilir** berganti dgn mengikut aturan, bertukar berturut-turut: *mereka* ~ *berjabat tangan*; *tanaman* ~ tanaman yg ditanam

menurut aturan, sbg ganti tanaman yg lain pd tanah (tapak) yg sama; ~-*ganti* berganti-ganti;

**bergilir-gilir, bergiliran** sesudah yg satu diganti dgn yg lain, berganti-ganti, bertukar-tukar: *tujuh kali ~ berpantun*;

**menggilirkan, mempergilirkan** melakukan (menjadikan dll) supaya bergilir-gilir: *petani-petani yg baik ~ tanamannya*;

**giliran = pergiliran** sl pergantian, pertukaran (pekerjaan yg dilakukan bergilir-gilir): *waktu malam ~ memasak ini jatuh kpd kawan-kawan yg lain pula*; ~ *tanaman* (Tani) pertukaran menanam berbagai-bagai tanaman (pokok) dgn berganti-ganti menurut aturan, pd tanah (tapak) yg sama;

**kegiliran** memperoleh giliran;

**penggiliran** perihal (proses, perbuatan atau tindakan) menggantikan seseorang dgn yg lain secara bergilir-gilir atau mengikut giliran: *isu ~ jawatan Ketua Menteri itu sedang hangat dibincangkan*.

**gilis I** sl kilas.

**gilis II; menggilis** menindih dgn benda yg bulat berat sambil berputar berguling-guling, spt roda kereta api dsb, menggilas: *dia menunjukkan tempat adiknya digilis kereta api komuter pd petang semalam*;

**tergilis** digilis: *kaki kanannya hancur akibat ~ tayar bas dl kemalangan itu*.

**gilotin** sj alat yg digunakan utk memenggal kepala pesalah, terutamanya semasa Revolusi Perancis dahulu.

**gim I** singkatan bagi gimnasium.

**gim II** Jk benang emas.

**gimana** bp kep bagaimana.

**gimbal** sj peranti yg dapat menetapkan kedudukan alat spt kompas dan giroskop dlm keadaan mengufuk walaupun semasa kapal, kapal terbang dsb sedang bergerak.

**gimbar** Br susunan atau kedudukan yg sebelah-menyebelah;

**bergimbar** bersusun sebelah-menyebelah, berganding.

**gimbul** Pn; **menggimbul** 1. menonjol atau berbonggol (pipi kerana makanan); 2. Jw membawa barang dlm kain dll; → **gembol II**.

**gimik** sesuatu (tindakan, objek, alat) yg luar biasa yg tidak semestinya penting, yg digunakan utk menarik perhatian umum (lazimnya dlm bidang ekonomi dan politik): *dia sudah cukup melindungi suasana motivasi dgn ~nya yg tersendiri.*

**gimnas** orang yg terlatih atau mahir dlm gimnastik, ahli gimnastik: *negara itu menaruh harapan kpd para ~, penerjun, pasukan pingpong dan atlet angkat berat utk meraih emas.*

**gimnasium** bilik atau dewan yg dilengkapi palang, beberat, tali, dsb utk latihan jasmani.

**gimnastik** latihan (senaman) gerak badan yg memperlihatkan kelincahan dan ketangkasan seseorang utk membina otot dan kecerdasan mental.

**gimpal** perhiasan drpd emas atau perak yg digantung pd rantai leher (kalung), aguk.

**gimrama** akronim bagi gimnastik berirama (iaitu suatu persembahan gimnastik yg biasanya menggunakan alat tertentu spt tali, reben dan bola dgn iringan irama muzik): *sekolah itu banyak melahirkan jaguh negara dlm acara skuasy, boling dan ~.*

**gin** sj minuman keras tanpa warna yg disuling drpd ekstrak bijian spt barli atau rai dan diberi perisa beri juniper.

**ginang-ginang** sj kuih yg dibuat drpd pulut dan digoreng dgn minyak.

**gincah** kincah.

**gincu** bahan utk mewarnai bibir, lipstik;

**bergincu** memakai (mengenakan) gincu: *masa itu belum ada cara berkeriting rambut dan ~ spt sekarang ini;*

**menggincu** mewarnai (bibir) dgn gincu: *selesai ~ bibirnya, ia memakai air wangi pula.*

**ginding** (Sunda) elok dan bersih (pakaian).

**ginekologi** (ginékologi) cabang ilmu perubatan yg berkaitan dgn penyakit-penyakit wanita khususnya yg berkaitan dgn organ-organ seks dan salur kencing.

**giner** (ginér) Kl sj kuih yg dibuat drpd pulut.

**gingging; menggingging** berdiri di atas sebelah kaki dgn tangan memegang kaki yg satu lagi.

**gingiva** (Ubat) gusi.

**gingivitis** (Ubat) radang pd gusi.

**gingko** (Jepun) sj pokok hiasan yg berasal dr negeri China, *Ginkgo biloba.*

**gingsir** gelingsir, gelincir.

**gini** bp singkatan bagi begini.

**ginjal** buah pinggang, kerinjal; *anak* ~ bahagian buah pinggang yg di sebelah atas; *penyakit batu* ~ penyakit karang.

**ginjat** Kd; **berginjat-ginjat** berdiri-diri (berjalan-jalan) dgn hujung kaki; **terginjat-ginjat** terloncat-loncat, terkinjat-kinjat.

**ginko** → **gingko**.

**ginseng** (ginséng) sj tumbuhan yg terdapat di negeri China, Korea, dll, yg akarnya berbau harum dan dipercayai baik utk kesihatan.

**giong** NS; **menggiong** menyampuk (cakap orang dll).

**gipsi** orang yg berasal drpd suku bangsa Asia yg tinggal di Eropah dan Amerika Utara dan mengamalkan cara hidup berpindah-randah.

**gypsum** sj mineral (kalsium sulfat terhidrat) berwarna putih yg terdapat secara semula jadi, biasanya digunakan utk membuat plaster Paris, baja, simen, kaput tulis dsb.

**girah** sj tumbuhan (rumpun yg panjang lampai), *Fimbristylis paniciflora*; *pokok ~ hitam* sj tumbuhan (pokok), larak, pisang-pisang, pokok sebaru, *Popowia neruosa*.

**girang** = **girang hati** riang hati, suka hati, (sangat) gembira: *hati orang tua itu telah mulai ~ sedikit; aku terlalu ~*;

**bergirang hati** beriang hati, bersuka hati, (sangat) bergembira;

**menggirangkan** membangkitkan (menimbulkan) rasa girang, meriangkan (menggembirakan) hati: *dia bercerita sambil berjenaka utk ~ hati anaknya*;

**kegirangan 1.** keriang, kesukaan, kegembiraan: *entah mengapa hatinya malam itu penuh ~*; **2.** = **kegirang-girangan** terlalu amat girang: *ia melompat ~*;

**penggirang** selalu girang (tabiat); **gemirang**.

**girap** percepatan (mendayung dll), kirap;

**girap-gemirap** berdebar-debar (hati).

**giras** sj kain linen.

**giri** ark sl gunung.

**girik I, girik-girik** Mn gobek, penumbuk sirih; *sudah menggoncang ~ prb tua sangat, tua renta*.

**girik II** Jw surat kecil (sbg surat keterangan dll), kad giliran (utk jaga dll).

**giring; menggiring 1.** menghalau atau mengarahkan binatang ke suatu tempat; **2.** membawa (menghantar, mengirim, dll) orang dll ke suatu arah atau tempat: *orang itu memberi isyarat supaya kedua-dua tangkapan itu digiring; penduduk daerah kami digiring oleh air ke alun*.

**giring-giring I** loceng kecil (utk perhiasan dll), loceng basikal.

**giring-giring II** sj tumbuhan (pokok yg boleh dijadikan baja hijau),  
*Crotalaria spp.*

**giris** Jw ngeri, takut.

**giro** cara pembayaran dgn memindahkan wang dlm bank drpd kira-kira seseorang kpd yg lain.

**giroskop** sj alat berbentuk roda yg bebas berpusing pd sebarang paksi, biasanya digunakan utk menstabilkan kedudukan pesawat, satelit dsb.

**gisal; menggisal** menggosok (badan dll), menggesel: *maka Tuan Puteri Terus Mata pun ~ Ku Malim Deman.*

**gisar; menggisar** 1. memusing, memusar, mengisar; 2. menggosok, menggeser, menggesel.

**gisi; menggisi** menggigit (memakan) daging yg tinggal pd tulang.

**gising** sj tumbuhan (pokok), kelat api, kelat jambu air, kelat minyak,  
*Eugenia filiformis.*

**gita** ark nyanyian, lagu.

**gitan** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar jitan, gerit-gerit, *Willughbeia spp.*

**gitar** sj alat muzik spt biola yg dipetik talinya utk menghasilkan bunyi; ~  
*elektrik* sj gitar yg dilengkapi peranti elektrik utk memperkuat dan mengubah suai bunyinya, biasanya digunakan utk muzik pop;

**bergitar** bermain (memetik) gitar: *bapanya pandai menggesek biola dan ~.*

**gitaris** bp pemain gitar: *dia berpeluang mengadakan persembahan dgn ~ terkenal itu.*

**gitu** bp singkatan bagi begitu;

**segitu** seperti (sebanyak, sebesar) itu.

**giuk** tali pd tiang layar utk mengukuhkannya.

**giur; menggiurkan** menimbulkan rasa berahi, memberahikan:  
*pandangannya itu tidaklah ~nya sama sekali;*

**tergiur** tertarik hati (keinginan).

**giwah** sl lapik kaki (capal) utk pelumba lari.

**gizi** (zat) makanan; *ahli* ~ pakar zat makanan; *ilmu* ~ pengetahuan bkn  
(zat) makanan; *nilai* ~ nilai makanan.

**glamor** daya tarikan yg menakjubkan (pd orang, tempat, pekerjaan): ~  
*sudah tidak bererti lagi bagi saya.*

**glasier** timbunan besar ais yg bergerak perlahan-lahan menuruni cerun  
atau merebak ke permukaan bumi;

**pengglasieran** pelitupan permukaan bumi dgn glasier.

**glaukoma** (Ubat) sj penyakit mata kerana tekanan di dlm mata yg boleh  
menjejaskan pelihatan.

**glic** (Komp) **1.** kerosakan rawak atau sementara pd perkakasan, yg  
biasanya berpunca drpd pertambahan bekalan kuasa elektrik; **2.**  
gangguan atau kesilapan kecil pd atur cara.

**glikogen** (Bio) kanji dlm tubuh binatang yg terdiri drpd glukosa dll  
(berupa gula simpanan).

**gliserin** (Kim) cecair pekat yg larut dlm air dan terdapat dlm bentuk  
bergabung dgn asid lemak.

**glob** benda bulat yg pd permukaannya dilukis peta dunia.

**global 1.** meliputi, mempengaruhi atau mengenai seluruh dunia, sejagat:  
*masalah alam sekitar ~; 2.* merangkumi seluruh kumpulan perkara  
dsb, menyeluruh: *perkara itu hendaklah dilihat dr sudut  
pandangan yg ~;*

**mengglobalkan** menjadikan bersifat global: *kitalah yg perlu  
menentukan apa yg hendak diglobalkan; orang Melayu perlu  
diperlengkap utk menguruskan hubungan secara langsung, iaitu ~  
pemikiran mereka.*

**globalisasi** proses yg membolehkan sesuatu aktiviti (ekonomi, kebudayaan dsb) disebarkan atau diperluas ke peringkat antarabangsa atau ke seluruh dunia, terutamanya dgn adanya kemudahan sistem komunikasi, dasar terbuka dsb: *dlm era ~ sekarang ini, kita lebih terdedah kpd pengaruh budaya luar; kesan pertama ~ ialah perkembangan pesat pasaran kewangan dunia;*

**mengglobalisasikan** menyebarkan atau memperluas sesuatu aktiviti (ekonomi, kebudayaan dsb) ke peringkat global: *matlamat seterusnya adalah utk ~ perniagaannya ke tahap antarabangsa; komitmen yg padu itu akan menyemarakkan lagi perjuangan ~ bahasa dan budaya Melayu pd tahap yg sewajarnya.*

**globul 1.** sesuatu yg berbentuk bebola yg sangat kecil, spt setitik air; **2.** suatu nebula gelap yg dianggap sbg tapak terbentuknya bintang.

**globulin** (Bio) sekumpulan protein ringkas yg berbentuk agak bulat, kurang larut di dlm air, serta terdapat di dlm sel tumbuhan dan haiwan.

**gloriosa** sj tumbuhan (pokok memanjat yg bunganya berwarna merah atau kuning).

**glos** (Lin) penjelasan ringkas utk menunjukkan makna sesuatu perkataan, frasa, dsb.

**glosari** senarai istilah berserta takrifnya yg disusun menurut abjad khusus bagi sesuatu bidang pengetahuan.

**glosem** (glosém) (Lin) unit terkecil yg mempunyai makna dlm sesuatu bahasa, spt bentuk, tekanan dsb.

**glositis** (Ubat) radang pd lidah.

**glotis** (Bio) bukaan dr trakea ke farinks pd vertebrat yg ditutupi epiglottis sewaktu makanan ditelan.

**glotokronologi** (Lin) teknik leksikostatistik utk menentukan saling hubungan kekeluargaan antara bahasa.



**glotopolitik** kajian tentang bagaimana bahasa kebangsaan dinaikkan tarafnya oleh pihak yg berkuasa di negara yg berbilang bahasa, kaum dan budaya.

**glu** sj perekat yg dibuat drpd damar asli atau damar tiruan.

**glukos** glukosa.

**glukosa** (Bio) gula ringkas yg terdapat dlm buah-buahan atau madu.

**gluten** bahan protein lekit yg terdapat dlm tepung, terutamanya tepung gandum.

**gm** kep gram.

**GMT** kep *Greenwich Mean Time* (Waktu Min Greenwich).

**gnesis** (gnésis) (Geo) sj batuan metamorfosis berira kasar yg mengandungi feldspar, kuarza dan mika.

**gnu** sj antelop besar dr genus *Connochaetes* di Afrika yg kepalanya seakan-akan kepala lembu, bertanduk melengkung dan berekor panjang berjumbai di hujungnya.

**goa** sj burung, *Myophonus caeruleus*.

**gobang** wang tembaga yg bernilai 2 1/2 sen.

**gobar** **1.** kurang baik, suram, redup (bkn cuaca); **2.** bimbang, sedih (rawan) hati.

**gobek** (gobék) sj alat (spt tabung kecil) utk melumatkan sirih; *anak* ~ sj antan utk melumatkan sirih; ~ *api* sj alat utk membuat api;

**menggobek** melumatkan (menumbuk) sirih dgn gobek.

**goblok** Jk, bp tolol, sangat bodoh;

**kegoblokan** ketololan, kebodohan.

**gocah** Kl gocoh (tumbuk).

**gocoh I** tumbuk, tinju;

**bergocoh** bertumbuk, bertinju;

**menggocoh** menumbuk (meninju) kuat-kuat;

**pergocohan** pergaduhan yg orang-orang yg terlibat saling bergocoh antara satu sama lain.

**gocoh II** cepat, lekas, gopoh;

**tergocoh-gocoh** tergopoh-gopoh, tergesa-gesa, terburu-buru:  
*Salbiah datang ~ dr dapur.*

**goda; menggoda, menggodai 1.** mengajak (meminta, menyuruh) supaya berbuat sesuatu (kejahatan dll): *hendak digodanya gadis itu dgn apa jalan sekalipun; 2.* mengganggu, mengacau, mengharu: *bermacam-macam fikiran siasah telah timbul utk ~ ketenteraman masyarakat dunia;*

**tergoda** digoda: *banyak laki-laki yg telah ~ oleh kemanjaan gadis itu;*

**godaan 1.** perihal menggoda; **2.** sesuatu (perkataan dll) utk menggoda;

**penggoda** orang dll yg menggoda.

**godak I;** *nasi* ~ nasi yg dicampur dgn berbagai-bagai jenis lauk;

**menggodak** memasak nasi godak.

**godak II** (Komp) tindakan mengubah suai kandungan asal suatu fail atau dokumen dgn sengaja.

**godam** = *palu* ~ palu (tukul, martil) besar;

**menggodam 1.** menghentam (memukul) dgn godam dll; **2.** (Komp) mencerooboh masuk ke dlm sistem komputer orang lain, terutamanya utk mencuri, memusnahkan atau merosakkan data dan maklumat sulit yg tersimpan di dlm sistem komputer itu: *perbuatan ~ sistem komputer oleh setengah-setengah pihak yg tidak bertanggungjawab mesti dicegah segera;*

**penggodaman** (Komp) perbuatan atau tindakan mencerooboh masuk ke dlm sistem komputer orang lain utk mencuri data dan

maklumat sulit dsb: ~ *laman web oleh pihak yg tidak bertanggungjawab;*

**penggodam 1.** palu godam; **2.** (Komp) orang yg mencero boh masuk ke dlm sistem komputer utk mengakses data dan maklumat sulit dsb: *tindakan segera perlu diambil utk menjejaki dan menangkap ~ sistem komputer itu.*

**godek** (godék) I Jw jambang; **kodek II.**

**godek** (godék) II; **tergodek-godek** terkotek-kotek, terkodek-kodek.

**godek** (godék) III; **menggodek-godek** menggerak-gerakkan, memusing-musingkan, atau memutar-mutarkan sesuatu dgn jari.

**godel** (godél) Kl; **segodel** seketul (najis);

**bergodel-godel** bertompok-tompok atau berketul-ketul.

**godok I** bahagian belakang tengkorak.

**godok II** Jw; **menggodok** merebus;

**godokan** barang yg digodok, rebusan.

**godot** Jk; **menggodot** mengerat, menghiris, memotong.

**gogah I** sl bising, gempar.

**gogah II** Kl sj alat drpd buluh utk menangkap udang (ikan).

**gogal** cermin mata berbingkai besar yg menutupi sebahagian muka utk melindungi mata drpd terkena air, angin, habuk, cahaya, dsb;

**bergogal** memakai gogal: *demi keselamatan, para pekerja itu disyaratkan memakai topi keselamatan dan juga ~ semasa berada di tapak binaan.*

**gogo** Jw; *padi* ~ padi yg ditanam dgn tidak menggunakan air, padi huma (ladang).

**gogoh I** Tr alat utk menangkap udang (ikan), bubu.

**gogoh II** ark; **menggogoh** menggigil kuat.

**gogok I** teguk: *sekali ~, keringlah gelas itu;*

**menggogok** meneguk (air dll) banyak-banyak;

**gogokan** hasil perbuatan menggogok (air dll).

**gogok II** rantai leher.

**gogol** sj pahat yg panjang hulunya (digunakan oleh tukang tembaga).

**goh I** sj ikan laut, mayung, *Arius thalassinus*.

**goh II** Kd bonggol pd pangkal tengkuk (lembu jantan dll), kelasa.

**goha** gua.

**gohek** (gohék) Kl menghidupkan enjin atau menjalankan kereta.

**gohok** Jk sj tumbuhan (pokok yg buahnya berwarna ungu dan masam rasanya).

**gohong** Mn **1.** lubang, liang; **2.** gua.

**goiter** (Ubat) bengkak di bahagian hadapan leher yg disebabkan oleh pembesaran kelenjar tiroid (kelenjar yg menghasilkan hormon pertumbuhan dan perkembangan tubuh).

**gok I** Kl sj dapur (relau) tempat membakar batu bata.

**gok II** Kl, Tr reban ayam atau itik.

**gok III;** ~-gat Kl jentik-jentik (yg akan menjadi nyamuk).

**go-kart** sj kereta lumba bermotor yg kecil, rendah dan ringan dgn kerangka yg terbuka.

**gokgek** (gokgék) Kl, Tr goyah kerana hendak tercabut (tiang dll).

**gol 1.** = *pintu* ~ kawasan di antara dua tiang berpalang yg menandakan sasaran tendangan atau pukulan bola (dlm permainan bola sepak, hoki, dsb), gawang (bola sepak, hoki, dsb): *bola yg ditendangnya masuk ke dlm ~*; *penjaga* ~ pemain (bola sepak dsb) yg menghalang bola masuk ke dlm gol; **2.** mata (yg dikira setiap kali bola masuk ke dlm gawang): *dia telah menjaringkan dua ~*; **3.** tercapai tujuannya (kehendaknya), lulus (usul, cadangan, dll);

**mengegolkan** menjaringkan gol, memasukkan (bola) ke dlm gol.

**golak I;** ~ -galik berbalik-balik (yg atas ke bawah dan yg bawah ke atas, berguling-guling, tunggang balik, berputar balik);

**menggolak;** *~-galik* menunggangbalikkan, memutarbalikkan (kepala ke bawah kaki ke atas).

**golak II; bergolak 1.** menggelegak, mendidih (air yg masak dll); **2.** timbul huru-hara, tidak tenang (keadaan politik dll); **3.** tidak tenteram (fikiran, perasaan), bergelora, sangat gelisah: *hatinya ~ kerana mendapat berita buruk;*

**pergolakan** kekacauan (kekalutan, kekeruhan) dlm lapangan politik dll, huru-hara, keadaan tidak tenteram: *~ politik akibat percubaan rampasan kuasa itu makin meruncing; ~ perjuangan merasmikan bahasa Melayu.*

**golang;** *~-golek* berbuai-buai, berayun (spt perahu, buah jam, dll).

**golbi** lipatan pd jahitan seluar di bahagian depan perut.

**golek I (golék) 1.** guling; *~ para* Kl sj permainan kanak-kanak (buah pinang dll diletakkan di atas para dan dilempar supaya jatuh berguling); *ayam ~* ayam yg dimasak atau dipanggang bulat-bulat (tidak dikerat-kerat); *bantal ~* bantal guling (berbentuk bulat panjang); *bola ~* judi dgn menggunakan bola yg digulingkan ke petak-petak yg bernombor; *hantu ~* hantu yg berguling-guling di tanah; **2.** Kd geleng (kepala);

**bergolek 1.** berguling, bergerak berpusing (bola, guli, dll); **2.** berbaring; *~ -gelantang* berbaring-baring; *yg bulat datang ~, yg pipih datang melayang* prb keuntungan (kemewahan dll) datang drpd berbagai-bagai punca;

**bergolek-golek 1.** berbaring-baring; **2.** = **bergolekan** berguling-guling;

**menggolek** bergolek;

**menggolekkan 1.** menggulingkan (bola dll): *dah bulat baru digolekkan, dah pipih baru dilayangkan;* **2.** membaringkan (badan): *aku pun ~ badan di atas tilam dan terus terlena;*

**tergolek** **1.** jatuh berguling; **2.** terbaring, tergelimpang; ~ *di nan datar* prb Mn mendapat bahaya oleh perkara kecil.;

**golekan** hasil menggolek.

**golek** (golék) **II** Jw patung (drpd kayu dll); *wayang* ~ wayang yg dimainkan dgn golek; ~ *jonggol (jenggel)* patung yg boleh duduk (tetapi tidak boleh berbaring).

**golek** (golék) **III**; *mangga* ~ sj mangga yg besar dan manis.

**goleng** (goléng) Jk; **menggoleng** menyentuh, mengenai, menyinggung.

**golf** sj permainan dgn memukul bola kecil yg keras utk memasukkannya ke dlm beberapa lubang kecil di lapangan luas; *padang* ~ lapangan tempat bermain golf.

**Golkar** akronim bagi Golongan Karya (sebuah organisasi sosial politik yg terbesar dan paling berpengaruh di Indonesia).

**golok I 1.** sj parang yg matanya diasah melengkung; ~ *Rembau* sj senjata yg matanya diasah melengkung (penumbuk lada); **2.** Jk sj pedang pendek: ~ *Sunda* pedang Jawa; *laksana* ~ *kayu, ditetak tak makan, dijual tak laku* prb pengetahuan yg tidak mencukupi tidak ada gunanya;

**menggolok** menetak atau memotong dgn golok.

**golok II; bergolok;** ~-*bergadai* = *bergadai*-~ berikhtiar mendapatkan wang dgn bergadai; → **gadai**.

**golok III** sj ikan laut, belitung, *Coryphaena hippurus*.

**golok-golok** Pr penolong orang besar.

**golong; menggolongkan 1.** membahagi-bahagikan (mengasingkan) ke dlm beberapa kumpulan (kaum dll): *penganggur-penganggur* yg mencari pekerjaan digolongkan menurut umur dan pelajaran mereka; **2.** memasukkan ke dlm kumpulan (puak dll): *mereka* ~ *tuan sbg bumiputera*;

**tergolong** termasuk (dlm kumpulan dll): *Tongkat Warrant ~ sbg penyajak beraliran realisme;*

**golongan** kumpulan, kelompok: *orang Melayu merupakan ~ penduduk yg terbesar di negara ini;*

*~ bangsa* kumpulan bangsa; *~ kata* (Lin) kategori kata yg berasaskan fungsi, bentuk atau maknanya, mis kata nama, kata kerja dan kata adjektif; *~ terbesar* kelompok manusia (rakyat) yg besar bilangannya; *~ terkecil* kelompok manusia (rakyat) yg kecil bilangannya;

**penggolongan** perihal menggolongkan.

**gomak**; *tepung* ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung pulut dan tepung kacang hijau (berintikan kacang dan gula).

**gomba** jendul (benjol) pd dahi gajah, kumba.

**gombak** jambul (pd burung, ayam, dll), rambut pd dahi orang atau kuda, jambak: *janganlah tuan-tuan bersorak dahulu, anak raja berpangkas ~;* *~ gemilang kutu banyak, bibir hitam gigi kotor* prb hal orang yg baik rupanya tetapi busuk hatinya; → **gembak I**.

**gombang I** sj burung (tempayan) besar, situn.

**gombang II** Mn cantik, elok, tampan;

**segombang** secantik, semolek: *semolek secantik ini, ~ semuda ini engkau;* *~ lebu* a) congkak (sombong); b) molek di luarnya sahaja (tidak di dalamnya).

**gombang III** sj jaring yg dipasang pd belat, ambai.

**gombang IV**; *baju* ~ baju kurung.

**gombeng** (gombéng) **I** ark; **menggombeng** memperbesar lubang, menjadikan renggang.

**gombeng** (gombéng) **II** Kl **1.** menggigit sesuatu utk dibawa lari (spt anjing menggigit tulang); **2.** menghisap susu (bkn kanak-kanak).

**gombing 1.** sj ikan laut, *Pomacentridae*; **2.** sj ikan laut, *Dascyllus marginatus*; **3.** sj ikan laut, *Daya jerdoni*.

**gomok I** Kl; *katak* ~ sj katak yg buncit.

**gomok II** Kl sj kuih yg dibuat drpd jagung (kacang, beras).

**gomol; bergomol** berpeluk-peluk kerana hendak menggulingkan lawan (spt orang bergusti), bergelut, bergumpal, bergulat;

**menggomol** memeluk seseorang erat-erat (kerana hendak menggulingkannya dll);

**pergomolan** perihal bergomol, pergelutan;

**penggomolan** perbuatan menggomol, penggulatan.

**gomplok** Jk lebat atau tebal (rambut, daun, dll).

**gon** Kd, Kl tanah (jalan dll) yg makin meninggi.

**gonad** (Ubat) organ yg menghasilkan gamet, spt ovari atau testis.

**goncang = bergoncang 1.** bergoyang dgn keras atau kencang, bergegar:

*pondok kecil itu ~ kerana ditiup angin kencang; dgn ~ kaki a) dgn berayun kaki; b) ki dgn mudah sahaja; 2. ki mudah berubah-ubah (pendirian dll), menjadi tidak aman (tetap, tenang, dll): hatinya ~ ketika mendengar berita bkn kematian kawannya;*

**menggoncang, menggoncangkan 1.** menggoyang(kan) dgn keras, menggerak-gerakkan hingga bergoncang; ~ *botol* mengocok botol;

~ *loceng* membunyikan (menggoyangkan) loceng; **2.** ki menyebabkan tidak tenang (tetap dll): *kenaikan cukai itu tidak ~ pasaran saham; 3. ki memeranjatkan, mengejutkan: pembunuhan Presiden Kennedy telah ~ dunia; ~ kepala* menggelengkan kepala;

~ *tangan* menggerak-gerakkan tangan ketika berjabat tangan;

**tergoncang** tergoyang (tergerak) keras atau cepat-cepat, tergegar;

**goncangan** gerakan (goyangan) yg keras, gegaran;

**kegoncangan** keadaan tidak tenteram (tidak aman dll);



**penggoncang** **1.** orang yg menggoncang; **2.** bekas (alat) utk menggoncang sesuatu: ~ *koktel*.

**gonceng** (goncéng) Jk → **bonceng**.

**gondang** nama bermacam-macam jenis siput, *Dolium spp.*

**gondek** (gondék) Kl melengkung atau berkelok ke bawah (bkn tanduk).

**gondeng** (gondéng) Kl; **bergondeng** **1.** bergantung, bergayut (spt lebah pd dahan); **2.** = *lekat* ~ teguh melekat (tidak mudah terlepas atau tertanggal).

**gonder** (gondér) Tr bulat panjang.

**gondok** **1.** pendek dan besar, gemuk (badan, leher, benda, dll); *parang* ~ parang yg pendek dan tebal bilahnya; *merpati* ~ merpati yg besar lehernya; **2.** bonggol pd bahagian leher di bawah dagu, beguk; *kelenjar* ~ Id halkum; **3.** Jk sebal hati, perasaan marah yg tidak dilahirkan;

**kegondokan** perihal (keadaan) gondok.

**gondol I = bergondol** **1.** botak sama sekali (kepala), tidak berdaun (pokok): *perutnya buncit, kepalanya besar* ~; **2.** tidak bertudung (bersongkok dll), tidak bertutup kepalanya (lelaki atau perempuan); **3.** tidak ditumbuhi tanam-tanaman atau tumbuh-tumbuhan (spt padang pasir dll): *tanah daratan itu hijau dan penuh dgn hutan, sangat berbeza dgn pantai pasir yg* ~;

**menggondolkan** **1.** membuang rambut hingga gondol (botak); **2.** ki menelanjangi, menghabiskan (harta benda dll).

**gondol II; menggondol** **1.** Jw membawa dgn mulut, menggonggong: *anjing* ~ *tulang*; **2.** Jw ki melarikan, mencuri: ~ *barang-barang kemas*; **3.** ki memenangi, memperoleh (piala, sijil, dll) kerana kejayaan: *dia banyak* ~ *hadiah dlm peraduan melukis*.

**gondola** **1.** sj sampan yg panjang, leper bahagian bawahnya dan melengkung di kedua-dua hujungnya, yg dijadikan sbg

pengangkutan di terusan di Venice, Itali; **2.** kabin yg tergantung dr kapal udara, belon, kereta api kabel dsb.

**gondong** bengkok pd leher, beguk, benguk.

**gondrong** Jk panjang rambutnya (kerana tidak digunting).

**gong I 1.** sj alat bunyi-bunyian drpd logam yg bertombol (dibunyikan dgn dipalu), canang besar; ~ *pelaung* sl gong yg dibunyikan utk memanggil; ~ *pengerah* sl gong utk menghimpunkan (mengerahkan) askar-askar (pekerja-pekerja dll); **2.** bunyi spt bunyi canang besar dipalu;

**mengegongkan** memalu gong, membunyikan gong; ~ *gong pesuk* prb memegahkan kemuliaan (kekayaan dll) yg telah tidak ada lagi.

**gong II 1.** sj tumbuhan (pokok), putat tepi, *Helicia petiolaris*; **2.** sj tumbuhan (pokok), rambutan pacat, *Xerospermum laevigatum*.

**gong III Kl 1.** agak gila, kurang siuman; **2.** dungu.

**gong IV** Tr sombong, berlagak: *padanlah Bakar kena tampar. Dia ~ sangat.*

**gonggok I** sj binatang dlm kelas Diplopoda (spt lipan yg banyak kakinya dan akan melingkarkan badannya apabila disentuh), sepah bulan.

**gonggok II** ark gulung.

**gonggong I; menggonggong 1.** membawa (memegang) dgn mulut atau paruh (bkn anjing, burung, dll), menggondol: *mereka mengejar seekor anjing yg lari ~ sepotong daging*; **2.** menyalak (anjing); *spt gagak ~ telur* prb perihal lelaki yg buruk atau hitam beristerikan perempuan cantik atau berkulit putih;

**gonggongan** salakan (anjing): *sayup-sayup terdengar ~ anjing.*

**gonggong II** sj lokan atau siput.

**gonjak; menggonjak** mengusik-usik (utk menyakiti), menggiat, mengejek.

**gonjok; menggonjokkan** sl memperolokkan, menggonjak.

**gonjong** tirus (lancip) ke hujung atau ke puncak (spt bentuk bumbung rumah dll), runcing;

**bergonjong** berbentuk gonjong; *rumah* ~ rumah yg bumbungnya tirus (lancip) ke puncak (spt rumah Minangkabau).

**gonorea** (gonoréa) (Ubat) sj penyakit kelamin yg diakibatkan oleh virus *Neisseria gonorrhoeae* yg dijangkiti melalui persetubuhan, yg dicirikan dgn radang pd kemaluan dan tempat pembiakan, sukar kencing, dll.

**gonta**; ~ -*ganti* Jw ark berganti-ganti, bergilir-gilir, beri-memberi.

**gontai** Mn perlahan-lahan, lambat (jalannya, langkahnya, dll), lemah (tidak berdaya): *langkahku* ~ menuju kereta tumpanganku; *Rapih berjalan* ~ menuju ke dapur sambil suaminya terus mencerca;

**menggontai** membuat sesuatu lambat-lambat, bergerak (berjalan) perlahan-lahan;

**mempergontai** memperlambat;

**tergontai-gontai** perlahan-lahan.

**gonyah** Kl; **menggonyah** menggonyoh, menggosok (utk mencuci): ~ *lantai*.

**gonyak** ark; **menggonyakkan** mengejek, mencemuhkan; → **gonjak**, **gonjok**.

**gonyeh** (gonyéh); **menggonyeh** 1. mengunyah-ngunyah dgn gusi (spt orang tidak bergigi); 2. Kd menghancurkan (melumatkan) makanan di dalam mulut, mengunyah.

**gonyel** (gonyél); **menggonyel** 1. menekan-nekan atau memicit-micit (tidak dgn kuat); 2. menggigit-gigit puting (mata) susu (spt anak kecil yg menetek), menggonyeh.

**gonyoh**; **menggonyoh** membersihkan (melicinkan) dgn berus dll, menggosok.

**gopoh** cepat-cepat, lekas-lekas (mengerjakan sesuatu); *~-gapah = ~-gapik = ~-mamang = gapah-~ = gopoh-gopoh;*

**gopoh-gopoh** tergesa-gesa, terburu-buru, lekas-lekas (dgn tidak cermat) membuat sesuatu: *Dolah mengenakan pakaiannya dgn ~ dan kemudian berlari meninggalkan bilik itu;*

**bergopoh-gopoh, bergopoh-gapah, tergopoh-gopoh, tergopoh-gapah** gopoh-gapah: *dgn tergopoh-gopoh, dia melompat ke bawah, kemudian berkejar ke arah Zaini;*

**kegopohan** perihal terburu-buru (tergesa-gesa).

**gopong** sj bekas air drpd tempurung yg diberi bertali, sekul.

**gorak** KI serak, kasar (suara).

**gorden** IB tabir, tirai.

**gorek** (gorék) I korek api; *~ api gores api, mancis;*

**menggorek-gorek** = *hati ~ hati menggeletek, berdebar-debar hati.*

**gorek** (gorék) II = **gorek-gorek** sj tumbuhan, (pokok memanjat), *Caesalpinia jayabo.*

**goreng** (goréng) 1. yg dipanggang (dipanaskan) dlm kualii kering, yg dimasak dgn minyak: *kacang ~; mi ~; nasi ~; pisang ~; minyak ~ = minyak penggoreng* minyak utk menggoreng; 2. bp kecekapan memetik gitar mengikut tempo rancak;

**menggoreng** 1. memasak dgn minyak: *~ ikan; ~ pisang;* 2. memasak (beras, tepung, dsb) dlm kualii dgn tidak menggunakan minyak, merendang; 3. bp memperolok-olokkan, memborak;

**menggorengkan** menggoreng utk: *"Emak, gorengkan saya sebiji telur";*

**gorengan** sesuatu yg digoreng;

**penggorengan** bekas (spt kualii dll) tempat menggoreng: *kutekan ikan itu pd ~ supaya lekas masak;*

**penggoreng** **1.** orang yg menggoreng: ~ *mi*; **2.** alat yg digunakan utk menggoreng: *kuali* ~ *ikan*.

**gores** (gorés) garis, calar, coret (corek); ~ *api* korek api, mancis;

**bergores, bergores-gores** bergaris(-garis), bercalar(-calar), berparut(-parut);

**menggores** menggaris, mencalar, menggarit; ~ *hati* melukakan (menyakitkan) hati, mengharukan;

**menggoreskan** menggariskan, menggaritkan: ~ *pisau pd meja*;

**tergores** tergaris, tercorek; ~ *dlm hati* terlintas dlm hati, terfikirkan: *tidak ~ dlm hatiku derhaka kepadanya*;

**goresan** yg sudah digores (digaris), tanda atau bekas digores;

**penggoresan** perihal menggores, pencalaran, penggaritan;

**penggores** alat (spt pisau dll) utk menggores.

**gori I** Jw buah nangka muda.

**gori II** Kl; **bergori** **1.** membeli mula-mula sekali (sebelum pembeli-pembeli lain); **2.** menjual mula-mula sekali (kpd pembeli pertama).

**gorila** sj mawas yg sangat besar, yg hidup di hutan bahagian tengah Afrika Barat, berbadan tegap, bermuncung pendek, dan berbulu kasar dan gelap, *Gorilla gorilla*.

**goroh** Mn; **menggoroh** menyembelih (lembu dll);

**penggorohan** penyembelihan; → **gorok**.

**gorok; menggorok** bk menyembelih;

**penggorokan** penyembelihan; **goroh**.

**gosip** cakap-cakap yg mengisahkan khabar-khabar atau hal-hal yg buruk atau umpatan tentang orang lain;

**bergosip** berbicara atau berdesas-desus tentang keburukan (kejelekan) seseorang, mengumpat: *dia terpaksa menafikannya, mungkin setelah memikirkan dia sendiri suka ~*;

**menggosipkan** memperkatakan atau memperbualkan (sesuatu) sbg gosip.

**gosok;** ~ *gigi* Id ubat gigi; *abu* ~ sj abu utk menggilapkan camca, garpu, dll; *ubat* ~ ubat yg disapukan (disentalkan) pd tubuh;

**bergosok** 1. bergeser, bergesel, bergeseran; 2. sudah digosok (digilapkan): *kemas rupanya dgn pakaian yg berseterika keras dan sepatu yg ~;*

**menggosok** 1. membersihkan (menggilapkan dll) dgn tangan (berus, kain, dll), menggeser-geserkan (berus, kain, dll) pd sesuatu dgn keras, menyental: *sbg orang gaji kerjanya ialah memasak, mencuci pakaian dan ~ lantai;* 2. menyeterika (baju dll); 3. = **menggosok-gosok** membangkit-bangkitkan kemarahan, menghasut: *jika tiada orang yg ~ tidak mungkin ia mahu melawan;* 4. menggilap (mengasah, menyerodi) permata dll; 5. ark menggesek (biola dsb);

**menggosokkan, mempergosokkan** 1. menggosok dgn (tangan, barang, dll), menggunakan sesuatu utk menggosok: *Pawang Ahmad meramas limau serta ~nya ke badan orang sakit itu;* 2. menjadikan bergeser, menggeserkan: *sambil bercakap, orang India itu menggeleng-gelengkan kepala dan menggosok-gosokkan tapak tangannya;*

**gosokan** 1. sesuatu yg sudah digosok, pakaian dll yg akan atau sudah diseterika; 2. perihal menggosok; 3. = **gosok-gosokan** ki hasutan;

**penggosokan** perihal menggosok;

**penggosok** 1. alat utk menggosok; 2. orang yg menggosok.

**gosong I** timbunan pasir di pinggir laut atau di kuala sungai, busung.

**gosong II** hangus;

**bergosongan** ark hangus, terbakar.

**gostan** bp undur (ke belakang).

**got** IB saluran air, parit, selokan.

**gotel** (gotél) Kl; **menggotel** menjadikan bulat, menggenteli (adunan kueh dll).

**gotes** (gotés) ark; **menggotes** memetik (bunga dll) pd tangkainya, memutuskan (tangkai dll), menggentas.

**gotong**; *~-royong* tolong-menolong (bantu-membantu), kerja bersama-sama: *sudah teradat bagi penduduk-penduduk desa itu bekerja ~ pd musim menuai padi;*

**bergotong**; *~-royong* mengusahakan (mengerjakan) sesuatu bersama-sama: *orang kampung ~ membina jambatan dan jalan-jalan kecil;*

**menggotong** membawa (sesuatu yg berat) bersama-sama orang lain (tidak seorang diri): *~ beras ke dlm kedai.*

**gotri** Jw peluru yg bulat-bulat kecil.

**gotrok** Jw gerabak kereta api utk mengangkut barang.

**gout** (gaut) sj penyakit akibat gangguan metabolisme asid urik yg menyebabkan sendi kaki (lutut, dll) menjadi bengkak.

**goyah 1.** goyang spt hendak tumbang atau tercabut (bkn gigi, tiang, dll), gual-gail: *mana-mana terdapat tiang yg ~ digantikannya dgn yg baru;* **2.** tidak tetap atau teguh (kepercayaan, pendirian, dsb), tidak kukuh atau teguh (bkn hubungan, ikatan, dsb): *kepercayaannya terhadap kejujuran pemimpin-pemimpin kesatuannya sudah ~; mendamaikan rumah tangga kami yg selama ini ~ ditimpa banyak godaan, antara lain soal wanita;*

**menggoyahkan** menjadikan goyah (tidak tegap), menjadikan tidak teguh (erat dll): *sukar hendak ~ perpaduan rakyat di negeri itu;*

**tergoyah(kan)** tergoyang(kan): *mereka mempunyai nilai yg abadi, yg tidak ~;*

**kegoyahan** keadaan atau hal goyah: ~ *sosial yg meletus selepas Perang Dunia II.*

**goyak; menggoyak** menggoncang, menggoyang(kan).

**goyang I 1.** bergerak, berayun-ayun: *pohon kelapa itu ~ kerana ditiup angin kencang; kerusi ~ kerusi ayun (kerusi yg boleh digerakkan berbuai-buai); 2.* ki tidak tetap (pendirian, keyakinan, dll), selalu berubah-ubah, goncang (keadaan politik dll): *kedudukannya sbg menteri ~ kerana tidak ada kepercayaan drpd rakyat; keyakinan yg tidak ~ terhadap peperangan yg ditempuhi;*

**bergoyang 1.** berayun-ayun, bergerak-gerak: *daun yg ~ spt melambai-lambai aku memberi selamat bahagia; 2.* sedang membuai-buaikan (mengayun-ayunkan); ~ *kaki* a) berayun kaki; b) ki bersenang-senang (hidup dgn tidak bekerja); ~ *kepala* bergeleng kepala (sebab sangat hairan dll); ~ *lutut* duduk dgn menggerak-gerakkan lutut;

**menggoyang = menggoyangkan;**

**menggoyangkan 1.** menggoncangkan, mengayunkan: *ia ~ buaian itu utk anaknya; 2.* menyebabkan selalu berubah-ubah (keyakinan, pendirian, dsb), menggoncangkan (kedudukan dsb);

**tergoyang** terayun, tergoncang;

**goyangan** goncangan, ayunan;

**kegoyangan** perihal goyang, kegoncangan.

**goyang II;** *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung beras dan digoreng, kuih loyang, kuih ros.

**GPIM** kep Gabungan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia.

**GPMS** kep Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung.

**grad** IB darjat, tingkat, taraf.

**graduans** mahasiswa yg akan menerima ijazah pd hari penyampaian ijazah.



**graf** **1.** rajah yg terdiri drpd beberapa garis, titik, dsb utk memaparkan saling hubungan antara dua nilai atau lebih yg berubah-ubah; **2.** (Lin) simbol visual, terutamanya satu atau beberapa huruf, yg mewakili satu unit bunyi atau ciri ujaran yg lain;

**menggrafkan** menggambarkan dgn graf.

**grafem** (grafém) (Lin) unit minimum yg distingtif dlm sistem tulisan sesuatu bahasa.

**grafemik** (grafémik) (Lin) kajian tentang tanda graf yg digunakan dlm bahasa tertentu.

**grafik** **1.** maklumat atau paparan yg terdiri drpd lukisan, gambar rajah, simbol, dll (utk menyatakan atau menyampaikan idea dsb); **2.** lukisan-lukisan (gambar-gambar dsb) pd susunan halaman majalah (buku dsb); **3.** (yg) menggunakan atau terdiri drpd lukisan, gambar rajah, simbol, dll; ~ *komputer* kaedah penggunaan komputer utk mencipta, mengolah, memaparkan, mencetak, dll lukisan atau imej grafik.

**grafit** (Kim) sj karbon yg lembut dan berwarna hitam yg digunakan dlm pembuatan pensil, pelincir, dll.

**grafiti** kata-kata atau lukisan, biasanya lucu, lucu, berbau politik dsb, yg dicontengkan di tempat-tempat awam spt tembok bangunan, bilik air dsb.

**grafologi** **1.** kajian tentang tulisan tangan seseorang, terutamanya utk menganalisis atau mengenali keperibadian orang itu; **2.** (Lin) kajian tentang sistem tulisan.

**graha** gedung.

**gram** sukatan berat yg bersamaan dgn satu per seribu kilogram.

**gramatis** (Lin) berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tataahasa: *mereka harus dilatih berbicara dgn terang, jelas,*

*lancar, ~, tidak tersendat-sendat, dan tidak berbelit-belit; ayat-ayat di bawah ini sebaliknya tidak ~;*

**kegramatisan** perihal gramatis, sifat gramatis, kepatuhan kpd atau ketepatan dgn tatabahasa: *asas bahasa Melayu tinggi ditentukan oleh ~ ayat-ayat yg dihasilkan oleh pengguna bahasa.*

**gramofon** alat utk memainkan piring hitam, peti nyanyi.

**granit** (Geo) sj batu igneus berwarna kelabu yg terdiri drpd feldspar, kuarza, dll dan banyak digunakan dlm pembinaan, spt bangunan dan jalan.

**grandstan** blok tempat duduk bertingkat-tingkat di stadium dsb, biasanya berbumbung, yg membolehkan para penonton menyaksikan sesuatu acara olahraga, perlumbaan kuda dsb dgn jelas.

**grasi** IB ampun (maaf) yg diberikan oleh kepala negara (sultan dll) kpd orang yg kena hukum (bunuh dll).

**gratifikasi** IB wang pemberian kpd pekerja di luar gaji yg ditetapkan.

**gratis** IB tanpa apa-apa bayaran, (dgn) percuma: *sejak penyingkirannya beliau tidak lagi perlu memberikan perkhidmatan ~ kpd pertubuhan itu.*

**gratuiti** ganjaran biasanya berupa wang yg diberikan oleh majikan kpd pekerja yg berhenti atau bersara sbg penghargaan kpd perkhidmatan yg telah diberikan.

**graviti** (Fiz) daya tarikan yg menggerakkan jasad-jasad ke arah pusat sesuatu cakerawala spt bulan atau bumi.

**gred** (gréd) **1.** peringkat atau darjah nilai sesuatu mutu: *telur ~ A*; **2.** pangkat atau tingkatan kelulusan yg dicapai (dlm peperiksaan tertentu): *~ satu (dua, tiga)*;

**menggredkan** menentukan gred (mutu);

**penggredan** perihal atau perbuatan menggredkan.

**gregat, greget** Jw kemahuan (membuat sesuatu).

**grenad** (grénad) bom kecil yg dilemparkan atau ditembakkan ke arah sasaran dgn sj senapang;

**menggrenadkan** melemparkan atau menembakkan grenad.

**grepe** (grépé) Jk; **menggrepe** meraba-raba, memegang-megang.

**grid** (Komp) **1.** permukaan yg dirintangi silangan garis mendatar dan mengufuk yg sekata; **2.** jadual hampan elektronik yg terdiri drpd lajur dan baris; **3.** garis paksi-x dan paksi-y yg berjarak sekata pd carta atau graf utk membantu pemplotan titik data.

**gril** sj perkakas yg terdiri drpd batang-batang besi yg selari utk membakar atau memanggang daging dsb;

**menggril** memanggang ikan, daging dsb di atas gril: *ibu sedang ~ ikan di dapur.*

**grip** Id kalam (papan batu).

**gris** sj minyak pekat yg digunakan sbg pelincir utk jentera dsb;

**bergris** ada gris: *bahagian bawah kenderaan lebih cepat menjadi kotor, berlumpur atau ~ kerana bahagian berkenaan lebih dekat dgn permukaan jalan;*

**menggris** membubuh (menyapukan, memalitkan dsb) gris pd: *dia sedang ~ bahagian tertentu enjin itu supaya tidak mudah berkarat.*

**GRO** kep *Guest Relations Officer* (pegawai perhubungan pelanggan).

**gros** ukuran kuantiti yg bersamaan dgn 12 dozen.

**grotes** (grotés) lukisan (ukiran dsb) dgn gaya atau bentuknya yg sangat ganjil: *catan ~.*

**groto** (Geog) gua kecil yg mempunyai ciri yg menarik.

**grup** bp rombongan, kumpulan, golongan, kelompok.

**gu I** **1.** balak yg diletakkan di atas tengkuk sepasang lembu, igu; **2.** pasang: *kasut se~*; **3.** regu, kumpulan, rombongan.

**gu II**; *cik~* panggilan bagi guru.

**gua I** lubang besar di kaki bukit (gunung dll).

**gua II**; *burung* ~ sj burung, burung siput, burung kubur rimba, gagak gunung, tiung belacang, *Myophoneus flavirostris dicrorhyncus*.

**gua III C**, bk ganti nama diri pertama spt aku, saya.

**guah**; ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok), jahur, jeragur, jual, petai belalang, sebusuk, *Cassia siamea*.

**gual**; ~-*gail* mudah lepas atau tanggal (gigi dll), goyah, goyang.

**guam I** sl perselisihan, perkelahian, persengketaan (dlm mahkamah);

**berguam** berselisih, berkelahi, bersengketa;

**guaman**, **perguaman** persengketaan, perbicaraan (dlm mahkamah); *pembantu* ~ pegawai yg menyusun perjalanan perkara dlm mahkamah;

**peguam** orang yg pekerjaannya (profesionnya) mengemukakan tuntutan guaman di mahkamah atau memberi nasihat atau bantuan guaman kpd pelanggannya, pengacara; ~ *negara* pegawai guaman tertinggi kerajaan.

**guam II** sj penyakit pd mulut, serawan, serjawan.

**guana** Kl, Tr bagaimana, macam mana.

**guano** tahi burung laut yg dikeringkan, yg digunakan sbg baja.

**guar I** Kd anak bukit.

**guar II** Mn; **mengguar** memukul, membunyikan: *tabuh sudah diguar orang*.

**guatak** sj tumbuhan (pokok), *Dysoxylon cauliflorum*.

**gubah I**; **menggubah 1**. mengatur atau menyusun bunga (utk perhiasan sanggul dll); **2**. mengarang (cerita, sajak, dll), mencipta (lagu dll), membentuk atau menyusun (sesuatu): *nasihat itu telah digubah dlm serangkap pantun*;

**gubahan 1**. bunga dll yg digubah; **2**. karangan (cerita dll), ciptaan lagu: *banyak cerpen ~nya disiarkan dlm majalah mingguan*;

**penggubahan** perbuatan (usaha dsb) menggubah: *kita harus meninjau sejarah perkembangan sains moden serta dasar-dasar ~ falsafahnya;*

**penggubah** orang yg menggubah, pencipta.

**gubah II** → **kubah II**.

**gubal I** kayu yg lembut di antara kulit dgn teras; *teras terjunjam*, ~ *melayang* prb penduduk bumiputera akan tetap tinggal di negerinya sedangkan orang asing akan keluar.

**gubal II** bongkah (tanah, batu, dll); ~ *besi* bongkah besi (besi yg belum ditempa).

**gubal III; menggubal** membuat, menyusun, mencipta (undang-undang, perlembagaan, dll), membentuk dan mengatur (menyusun): *jawatankuasa itu telah ~ satu perlembagaan yg baru; terpulanglah kpd kerajaan kelak utk ~ dasar-dasar utk menggalakkan bumiputera dlm perniagaan dan perdagangan;*

**tergubal** terbentuk, tercipta, tersusun (peraturan, formula, dll): *dgn itu ~lah siri abjad Jawi yg lengkap bagi bahasa Melayu;*

**penggubalan** perihal (perbuatan, tindakan, dsb) menggubal;

**penggubal** orang yg menggubal: ~ *istilah*; ~ *undang-undang* orang yg menggubal undang-undang.

**gubang I** ark; *perahu* ~ sj perahu layar, panjangnya antara 20 hingga 25 kaki atau 6 hingga 7.5 meter.

**gubang II** ark takuk-takuk pd pokok utk memudahkan orang memanjat.

**gubas** kasar (buatan, hasil pertukangan).

**gubel** Jw; **menggubel** bergantung pd, berpegang pd (kanak-kanak pd ibu atau ayahnya).

**gubernemen** (gubernemén) Id kerajaan atau pemerintah (pd zaman kolonial).

**gubir** gelambir.

**gubit** Mn; **menggubit** melambai (tangan dll) utk memanggil.

**gubra** gugup.

**gubris** Id = **menggubris** bp mengambil perhatian, mempedulikan, mengendahkan.

**gubuk** dangau, rumah kecil (di sawah dll).

**guci** sj buyung yg dibuat drpd tembikar dll; ~ *wasiat* ki sesuatu yg penuh rahsia (sakti).

**gucik** → **guncak**.

**gucuk** Br gobek.

**gudang** bangunan atau rumah tempat menyimpan barang-barang: ~ *getah*;

**bergudang-gudang** beberapa gudang (banyaknya);

**menggudangkan** menyimpan dlm gudang.

**gudeg** Jw sj masakan yg dibuat drpd nangka muda; *kota* ~ bp Jogjakarta; *nasi* ~ nasi bercampur dgn gudeg.

**guderi** Jk sj permaidani yg halus.

**gudi** ark **1.** sj cerana; **2.** kalangan kapal; → **guri II**.

**gudig** Jw kurap;

**gudigan** menderita penyakit kurap, berkurap.

**gudik** ark; **tergudik-gudik** tergerak-gerak (ekor kucing dll).

**gudu-gudu** sj paip utk menghisap tembakau dll, hukah.

**gugah** Jw; **menggugah 1.** menjagakan (orang tidur), membangkitkan, membangunkan; **2.** menggesa atau mencabar (supaya melakukan sesuatu dll), membangunkan, membangkitkan: *melalui makalah ini, saya ingin ~ ahli bahasa, sasterawan, guru bahasa, dan pengguna bahasa utk menentukan pilihan mana yg betul dan mana yg salah.*

**gugat I; menggugat 1.** mendakwa, mengadukan (perkara) kpd mahkamah; ~ *pusaka* mengadukan perkara pusaka kpd mahkamah;

**2.** mendesak supaya menepati janji, membangkitkan perkara yg sudah-sudah, mengkritik dgn keras, mencela, membantah, menyanggah: *ahli Dewan Rakyat itu digugat oleh ahli-ahli partinya kerana tidak menepati janji;*

**gugatan** dakwaan, tuntutan, celaan, sanggahan;

**tergugat** digugat: *ketenteraman masyarakat telah ~;*

**penggugatan** perihal atau perbuatan menggugat;

**penggugat** orang yg menggugat.

**gugat II** Id goncangan;

**menggugat** menggoncang.

**gugu** NS; **menggugu** **1.** mendengking-dengking (menangis dll); **2.** mengunyah, memamah biak (binatang dll).

**guguh** Mn; **mengguguh** **1.** mengetuk (pintu dll); **2.** memukul (gendang dll).

**guguk I** Mn bukit kecil, anak bukit.

**guguk II;** *gelap-~ gelap-gelita.*

**gugup** **1.** riuh-rendah, gegak-gempita, hiruk-pikuk: *apabila letupan bergemuruh maka di dlm rumah kedengaran ~ dgn raung dan tangis perempuan;* **2.** bingung, kehilangan akal; **3.** gagap: *ia kelihatan ~ dan teragak-agak dlm adegan itu;*

**menggugupkan** menjadikan gugup;

**kegugupan** perihal gugup, kebingungan;

**penggugup** orang yg mudah menjadi gugup.

**gugur** **1.** jatuh, luruh (buah dll): *buah yg tak ~~~;* **2.** jatuh sebelum masak (buah-buahan); **3.** lahir sebelum cukup bulan (anak kecil): *anak ~;* **4.** runtuh (tanah dll); **5.** mati (terkorban) dlm pertempuran: *telah banyak pahlawan Kedah yg ~;* **6.** hilang, habis (hak dll): *kalau sesebuah negara tidak membayar hutangnya sampai dua tahun*

*lamanya akan ~ haknya utk mengundi dlm majlis perhimpunan agung;*

*~ hati jatuh hati, jatuh cinta; ~ talak jatuh talak (diceraikan); bunga ~, putik pun ~ prb setiap yg hidup akan mati (dgn tidak memandang umur);*

**berguguran** gugur dgn banyaknya: *papan dinding rumahnya ~ jatuh berkeping-keping kerana sudah tua;*

**menggugurkan** **1.** menjatuhkan: *risalah-risalah digugurkan dr kapal terbang;* **2.** mengeluarkan anak sebelum cukup bulan (dgn sengaja): *dgn diam-diam anak yg dlm kandungannya digugurkan;* **3.** mengeluarkan drpd (tidak memasukkan ke dlm) pasukan dll: *Persatuan Bola Sepak Amatur Kelantan ~ lima pemain drpd skuad Piala Malaysia Kelantan tahun ini;* **4.** tidak menggunakan, meniadakan atau menghilangkan (drpd penggunaan): *dlm situasi ini tiap-tiap penutur ~ ciri-ciri kedaerahan masing-masing dan sebaliknya berusaha menggunakan ciri-ciri bahasa yg difikirkan lebih umum; contoh-contoh tersebut memperlihatkan bahawa kata sendi sama ada di, dari, ke, daripada, ataupun oleh tidak boleh digugurkan;* **5.** tidak meneruskan lagi (tuntutan dsb), tidak terus menuntut;

**keguguran** **1.** mengalami gugurnya (daun dll): *pokok ceri yg sedang ~ daun;* **2.** melahirkan anak sebelum cukup bulan (dgn tidak sengaja): *isterinya ~;*

**pengguguran** perihal (perbuatan, tindakan, dsb) menggugurkan: *~ kata 'dari' pd ayat contoh membuat ayat tersebut menjadi tidak gramatis; ~ tuntutan.*

**gugus** **1.** benda yg tumbuh banyak-banyak pd setangkai (buah-buahan), benda yg sama jenisnya (anak kunci dll) yg dikumpulkan dalam satu ikatan, rangkai, kelompok, tompok: *se~ rambutan;* **2.** =



**gugusan** serangkai, sekelompok, setompok: ~ *pulau-pulau*; **3.** (Lin) urutan unsur linguistik yg berupa bunyi atau golongan kata: ~ *konsonan*;

~ *akhir* (Lin) gugus konsonan yg letaknya di akhir suku kata, mis *ks* dlm *kompleks*; ~ *awal* (Lin) gugus konsonan yg letaknya di awal suku kata, mis *pr* dlm *prasejarah*; ~ *konsonan* (Lin) gabungan dua konsonan atau lebih yg berurutan dlm satu suku kata, mis *kl* dlm *klasik* dan *pr* dlm *protes*;

**bergugus-gugus** berkelompok-kelompok (bkn pulau, bintang, buah-buahan dsb), bertompok-tompok: *setengah-setengah pokok kelapa itu sudah berbuah dgn lebatnya ~ pd tandannya*;

**gugusan** sesuatu yg berada dlm kelompok: ~ *pulau-pulau*.

**gugut**; *gelap*-- Kl gelap-gelita.

**GUI** akronim bagi *graphical unit interface* (antara muka unit grafik).

**guh** Kd mancis.

**guilder** unit mata wang Netherlands.

**guit**; **mengguit** **1.** menguit, menguis; **2.** ki menyinggung, melanggar (hak dll); **3.** = **mengguit-guit** bergerak-gerak (jari dll).

**gujirak**, **gujirat** Mn fitnah, umpatan, gunjing.

**guk** gema, gaung.

**gul** ark sl bunga ros, bunga mawar; ~ *bakawali* sj bunga yg kembang di tengah malam, kengwa, *Epiphyllum oxypetalum*.

**gula I** benda manis yg dibuat drpd pati (air) tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan (spt tebu, kelapa, anggur, dll);

~ *aising* gula berbentuk serbuk berwarna putih yg digunakan utk membuat aising; ~ *anggur* gula drpd buah anggur; ~ *aren* (*enau*, *kabung*) gula drpd nira enau; ~ *batu* (*buku*) gula yg berketul-ketul; ~ *bit* gula yg terdapat drpd ubi bit putih; ~ *demerara* gula tebu berwarna perang muda yg datangnya dr Demerara; ~ *ganting* gula

kasar; ~ *getah* manisan yg dicampur getah (karet) utk dikunyah; ~ *kastor* gula putih yg sangat halus; ~ *uning* gula pasir yg berwarna kemerah-merahan; ~ *melaka* (*jawa, kelapa, nyiur, tuak*) gula drpd nira kelapa; ~ *merah* a) gula pasir merah; b) gula enau (kabung); ~ *pasir (putih)* gula halus spt pasir dibuat drpd air tebu; ~ *ringkas* gula dlm bentuk ringkas spt glukosa, fruktosa, galaktosa; ~ *tarik* sj manis-manisan drpd gula; ~ *tebu* gula drpd tebu; *penyakit* ~ kencing manis;

*ada* ~ *ada semut* prb di mana banyak keuntungan dan rezeki, di situlah banyak orang berkumpul; *hitam-hitam* ~ *jawa* prb Jk dikatakan kpd perempuan yg hitam kulitnya tetapi manis rupanya; *semanis-manis* ~, *ada pasir di dalamnya* prb kata-kata yg lemak manis itu biasanya berisi tipu muslihat; *umpama* ~ *di dlm mulut* prb pekerjaan yg mudah dilakukan (sesuatu yg sudah dikuasai);

**gula-gula** **1.** bermacam-macam manisan dibuat drpd gula; ~ *getah* sj gula-gula bergetah dan berperisa utk dikunyah-kunyah sahaja; **2.** bp sesuatu yg menyukakan hati; **3.** bp gundik, perempuan utk bersuka-suka;

**menggula, menggula-gula** bp mengangkat-angkat (menyanjung-nyanjung) utk mendapat sesuatu, melakukan atau mengatakan yg muluk-muluk terhadap seseorang utk memperdayanya atau mendapatkan sesuatu: *bijak sungguh orang tua yg berasal dr Pulau Pinang itu berdiplomasi, patutlah bapa aku dulu mudah digulanya;*

**menggulai** memberi bergula pd, membubuh gula pd;

**menggulakan** menjadikan (kata-kata, percakapan, dsb) manis dan muluk-muluk utk memperdaya seseorang atau utk mendapatkan sesuatu.

**gula II**; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), api-api hutan, kayu gula, medang api-api, mungul tiup-tiup, *Adinandra dumosa*;

**gulai** masakan (daging, ikan, dll) yg berkuah: ~ *ayam*; ~ *terung*; ~ *lemak* gulai yg memakai santan yg banyak;

~ *lampau serai tentu maung* prb perbuatan yg berlebihan tidak mendatangkan faedah; ~ *sedap nasi mentah, nasi sedap ~ mentah* prb sesuatu perbuatan atau perkataan yg tidak sempurna;

**menggulai** membuat (memasak) gulai: *ibuku sudah siap bertanak dan ~*; *jikalau pandai ~, badar pun menjadi tenggiri* prb orang yg pandai dapat mengerjakan sesuatu dgn baik walaupun kelengkapannya kurang;

**gulai-menggulai** pekerjaan menggulai;

**menggulaikan** 1. membuat gulai utk orang lain; 2. =

**mempergulaikan** memasak sesuatu supaya menjadi gulai: *barang rendang direndangkan, barang gulai digulaikan*;

**penggulaian** 1. perihal atau perbuatan menggulai(kan); 2. barang apa yg digulaikan, masakan gulai: *kalau babu itu memang enak ~nya*.

**gulali** Jw sj manisan yg dibuat drpd air gula yg kental.

**gulambai** Mn; *si ~* sj hantu yg menyebabkan rumah terbakar; → **kelambai**.

**gulana**; *gundah*~ sl sedih dan lesu.

**gulang** sj tumbuhan (pokok), gelam tikus, kelat paya, samak bukit, *Eugenia papillosa*.

**gulang-gulang** Mn pondok kecil di sawah atau ladang, dangau.

**gulat**; **bergulat** 1. ark bergolek; 2. bergomol, bergelut; 3. ki berjuang: *utk mencapai cita-citanya dia rela ~ dgn sebarang ancaman*;

**menggulatkan** ark menggolekkan;

**penggulatan** 1. penggomolan; 2. ki perjuangan, perlawanan.

**gulet** Jk → **gulat**.

**guli** bola-bola kecil drpd kaca (batu dll) utk permainan kanak-kanak, gundu, jaka, kelerang.

**guling**; *~-gantang = ~-gelantang* tergolek-golek di sana sini, tergelimpang di sana sini; *bantal* ~ bantal panjang yg bulat (bantal golek);

**berguling** bergulung (berpusing dll) berbalik-balik, bergolek: *pd musim kemarau pokok Selaginella tergulung menjadi spt bola dan apabila ditiup angin ~lah ia ke merata tempat*;

**berguling-guling** berguling berkali-kali, bergolek-golek;

**bergulingan** berguling-guling, bergolek-golek: *meja dan kerusi tidak menentu letaknya, tin-tin kosong ~*;

**mengguling** bergolek, berguling, senget ke sisi (bkn perahu);

**menggulingkan** **1.** menyebabkan berguling: *~ kayu balak ke sungai*; **2.** ki menjatuhkan, meruntuhkan, mengalahkan: *mereka diberitahu tentang satu komplot utk ~ kerajaan*; **3.** sl menggelengkan: *Siti Wang Gemala pun ~ kepalanya*;

**terguling** telah digulingkan, tergolek: *dlm pilihan raya lepas partinya ~*;

**terguling-guling** berguling-guling (dgn tidak sengaja), berpusing berbalik-balik.

**gulir** → **guling**.

**gulma** Id rumpai.

**gulonggok** bergulung-gulung dr hujung ke pangkal (daun dan paku pakis).

**guludan** Jw petak tanah yg telah digemburkan dan ditanam sesuatu.

**gulung** **I** **1.** benda yg berlembar-lembar atau berutas-utas yg dilipat begitu rupa hingga berbentuk bulat torak, bentuk bulat panjang drpd benda berlembar-lembar atau berutas-utas yg dilipat: *belat*

*se~; dawai lima ~; ~ kain itu tidak betul diikat; 2. ark gulung-gulung* kayu yg melintang di antara kasau jantan dan kasau betina; *~ tikar* ki bankrap (bkn perusahaan, perniagaan, dsb);

**gulung-gemulung = bergulung-gulung;**

**bergulung 1.** berada dlm gulung (spt kain, layar, dll): *tatal ~ spt subang; 2.* bergerak spt berguling (ombak, asap, dll); **3.** melengkung ke atas atau ke bawah pd hujung atau tepi daun dll;

**bergulung-gulung 1.** banyak gulung: *membeli tikar ~; 2.* bergerak spt berguling-guling: *gelombang air datang ~; asap api ~;*

**menggulung 1.** melipat benda yg berlembar atau berutas sehingga berbentuk panjang bulat: *tatal itu digulungnya spt subang; ~ rokok daun; 2.* melilitkan (benang, tali, dll) pd gelendong: *~ benang; 3.* ki menghambat, mengejar musuh, mengalahkan: *dia telah dapat ~ lawannya; 4.* mengakhiri, menyudahi, menutup (ucapan, perdebatan, dsb dgn mengemukakan atau menonjolkan aspek-aspek yg penting): *dia berkata demikian sewaktu ~ ucapan mengenai anggaran belanjawan kementeriannya;*

*~ lengan baju* ki bersiap utk bekerja; *~ tikar* ki bersurai, bubar;

**tergulung** sudah digulung;

**gulungan** lipatan berbentuk bulat torak: *~ belat;*

**penggulangan** perihal (perbuatan dsb) menggulung (perdebatan dsb): *~ hujah dlm kes yg berat memerlukan perbandingan kes dan undang-undang;*

**penggulung** alat dll utk menggulung.

**gulut; bergulut, bergulut-gulut, tergulut-gulut** tergesa-gesa, terburu-buru: *dia makan ~ sebab hendak berangkat lekas;*

**menggulut** mendesak (orang) supaya berbuat sesuatu dgn segera, menggesa-gesa: *mereka digulut pergi ke pasar sebab hari sudah tinggi.*

**gum** bunyi spt bunyi meriam, degum.

**gumai**; *buah* ~ sj tumbuhan (pokok), balam cubadak, gamai, nyatuh (bunga tanjung), taban bunga, *Lucuma (Sideroxylon) maingayi*.

**gumal** ronyok (kertas, kain, dll), berkerut-kerut, berkerumuk;

**menggumalkan** meronyokkan.

**gumam**; **bergumam** terkulum di dlm mulut (perkataan dll), berkemam:

*orang itu tersenyum ~*; *gelak ~ = senyum ~* ketawa (senyum) yg tertahan dlm mulut, tersenyum; *berkata ~* bercakap dgn mengulum kata-kata;

**menggumam** mengulum (kata-kata) dlm mulut: “*Hmm ...*” *dia ~*;

**gumaman** kuluman (kata-kata) dlm mulut: *dia cuba bersuara, tetapi suaranya hanya ~*;

**gumba I** Id bincul pd dahi gajah, kumba.

**gumba II** Kl; **menggumba** membomba (air).

**gumba III** alat utk mengepam minyak dll keluar dr bekasnya, pam;

**menggumba** mengepam minyak dll keluar dr bekasnya dgn gumba.

**gumbang** buyung besar.

**gumbar** hati pokok kabung (nipah dll).

**gumbuk**; **menggumbuk** memujuk.

**gumpal 1.** bongkah, bingkah, kepal (tanah, tembakau, dll): *ekor arnab*

*itu spt se~ kapas putih*; **2.** ketul (darah dll); **3.** kepul (asap, awan);

**bergumpal 1.** berkepal, berketul, berkepul: *butirnya ~ melekat menyebabkan tanah menjadi lembik*; **2.** peluk-memeluk dan guling-menggulingkan; **3.** bertukar drpd cecair menjadi pekat dan

separuh pepejal (bkn cecair spt darah dsb), membeku: *darah cepat ~ dlm suhu yg sejuk*;

**bergumpal-gumpal** berkepal-kepal, berketul-ketul, berkepul-kepul;

**menggumpalkan** **1.** mengempal dan merenyukkan; **2.** menyebabkan bergumpal (menjadi pekat dan separuh pepejal): *jus limau ~ susu*;

**gumpalan** **1.** kepalan, genggaman; **2.** ketulan (darah dsb): *~ darah*;

**penggumpalan** proses yg menyebabkan cecair, mis darah, bertukar menjadi pekat dan separuh pepejal: *bahan Allicin berupaya menghalang ~ darah, meningkatkan aliran darah dan merendahkan tekanan darah*;

**penggumpal** (bahan) yg menyebabkan penggumpalan: *vitamin K juga dikenali sbg agen ~ atau faktor pembekuan darah*.

**gumpung** kelompok belukar (pokok-pokok kecil).

**gumuk; gumukan** bukit kecil.

**gun** Jw sj alat pd perkakas tenun utk memisahkan benang.

**guna I** **1.** manfaat, faedah: *kelapa sawit banyak ~nya*; **2.** peranan, fungsi: *guru menerangkan ~ akar pd pokok*; **3.** untuk, bagi: *dia datang ke bandar ~ mencari keselamatan hidup*; **4.** budi baik, kebaikan: *tidak tahu membalas ~*;

*~ sama* dapat digunakan secara bersama-sama oleh dua pihak atau lebih (bkn perkhidmatan, bangunan dsb): *satu sistem jawatan ~ sama di Mahkamah Syariah akan diwujudkan bagi membolehkan pegawai mahkamah berkenaan berkhidmat di mana-mana negeri mengikut keperluan*; *~ tenaga* (Eko) penggunaan tenaga manusia dlm kegiatan dan perkembangan ekonomi; *~ tenaga penuh* (Eko) penggunaan seluruh tenaga manusia yg sanggup bekerja; *~ tenaga tak penuh* (Eko) penggunaan tenaga manusia yg tidak sepenuhnya; **seguna**; *~ sekaya* harta benda yg diperoleh suami isteri bersama-sama (dibahagi-bahagi apabila bercerai);

**berguna** berfaedah, bermanfaat, mendatangkan faedah atau manfaat: *tangisnya tidak ~ kerana semakin ia menangis semakin suka pula budak-budak itu mengusiknya; hidup pun tidak ~;*

**kebergunaan** perihal (keadaan dsb) berguna: *~ traktor dlm kerja membajak sawah itu memang tidak dapat dinafikan;*

**menggunakan 1.** = **mempergunakan** mengambil faedah: *dipergunakan hari mudanya utk mencari ilmu;* **2.** memakai, mengerjakan (melakukan) sesuatu dgn: *dia ~ kesempatan yg baik ini utk menentang ajaran Hamzah; kereta itu dijalankan dgn ~ kuasa elektrik;*

**mempergunakan 1.** = **menggunakan;** **2.** memperlakukan utk tujuan atau kepentingan tertentu, memperalat: *pelajar sepatutnya menimba ilmu di kampus tetapi mereka janganlah sampai dipergunakan oleh mana-mana parti politik, hatta parti kerajaan yg memerintah;*

**gunaan** bidang pelajaran yg ada kegunaan praktiknya: *sains ~;*

**kegunaan 1.** faedah, guna: *undang-undang itu dibuat utk ~ seluruh rakyat;* **2.** yg digunakan: *semua kertas ~nya dapat dibeli; segala alat ~ menebas pd zaman itu dibuat drpd batu;*

**pergunaan ark 1.** pemakaian: *~ alat jentera menghendaki modal yg besar;* **2.** faedah, guna: *Paderi David Haex telah menyusun kamus Melayu-Latin utk ~ menyiarkan agama Kristian;*

**penggunaan 1.** perihal (perbuatan, kegiatan, dll) menggunakan sesuatu: *~ kata itu tidak sesuai dgn ayat ini;* **2.** pemakaian (barang-barang, hasil perusahaan, bahan makanan, dll);

**kepenggunaan** segala hal mengenai pengguna (barang-barang dll): *nasihat-nasihat ~;*

**pengguna** orang dll yg menggunakan: *tumbuh-tumbuhan ialah penyimpan bahan makanan, haiwan ~nya.*



**guna II; guna-guna** jampi, mantera (utk memikat hati seseorang), ubat pengasih: *kena ~*;

**menggunai** mengguna-gunai;

**mengguna-gunai** mengenakan guna-guna (ubat pengasih) pd.

**gunam;** *buah ~* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Chilocarpus costatus*.

**gunawan** sl **1.** mempunyai sifat-sifat kebaikan; **2.** berguna.

**guncak** sj tumbuhan (pokok), gocek, gunciak, gunci(a)n, *Antidesma ghaesembilla*.

**gunci** gunjai, ikal (rambut).

**guncip** gunting besar.

**gundah 1.** dukacita, sedih hati: *setelah meninggalkan negeri ini saya akan terus ~ sehingga saya dapat datang sekali lagi*; **2.** sl rindu: *marilah Laksamana, kita hendak mendengar khabar Inderaputera, ~nya kita akan Laksamana*;

**bergundah** berduka, bersedih: *puteri bersedih ~ hati*;

**menggundahkan** mendukakan, menyedihkan, menyayukan: *hal apakah yg ~ hatikau itu?*

**kegundahan** perihal gundah;

**gundah-gulana** duka dan lesu, duka lara;

**menggundah-gulanakan** menjadikan gundah-gulana, mendukalarakan: *dia tidak mahu lagi ~ hati orang tua itu*;

**kegundah-gulanaan** keadaan atau sifat gundah-gulana, kedukalaraan: *ini merupakan gambaran betapa ~ orang Melayu yg melihat kuasa asing sbg penceroboh*.

**gundak;** *~ api* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Vitis cinnamomea*.

**gundal I 1.** tanda (berupa garis, simpul, takik, dll) yg dibuat sebagai peringatan semasa menghitung (supaya jangan silap); **2.** (Eko) catatan kredit, debit, dsb;

**gundalan** tempat membuat gundal (tali, kayu, dll).

**gundal II** Jk pengekor, pengikut, tali barut; *negara* ~ bp negara yg mengekori negara lain.

**gundal III** Kl tambahan, kelebihan.

**gundang** Jw lekum, kerongkong, tenggorok.

**gundar** Mn berus pakaian dll; → **bundar II**.

**gundi** sj buah; *kembali* ~ Pr kembali yg berbentuk buah dan dihiasi dgn kertas berwarna.

**gundik 1.** isteri yg bukan gahara, isteri tidak rasmi; **2.** bini gelap; ~-*candik* berbagai-bagai gundik;

**bergundik** mempunyai gundik;

**bergundikkan** mempunyai (seseorang) sbg gundik;

**mempergundikkan** menjadikan gundik;

**pergundikan** perihal bergundik: *kongres wanita diadakan utk menentang* ~.

**gundu 1.** buah yg keras (dipakai dlm permainan), guli; **2.** sesuatu spt guli (getah, kepingan kayu, dll) yg digunakan sbg pelontar (lastik dll) dlm permainan guli (getah, jengkek, dsb), tagan;

**bergundu 1.** bermain guli; **2.** ada atau mempunyai gundu.

**gundukan** Id longgokan, tompok, kelompok.

**gunggung** Jw jumlah, sejumlah, sebanyak;

**menggunggung** menjumlahkan.

**guni 1.** serat yg didapati drpd sj pokok utk dibuat karung; **2.** karung yg dibuat drpd serat sj pokok.

**gunjai** jumbai, rumbai-rumbai, malai; *sampai ke ~nya* sampai ke penghabisan (yg kecil-kecilnya); → **bunjai**.

**gunjing** Mn fitnah, umpat; ~ *gujirak (gujirat)* berbagai-bagai fitnah;

**menggunjing** memfitnah, mengumpat, mengata-mengatai (orang dsb);

**menggunjingkan** memfitnahkan, mencaci (orang),  
memperkatakan keburukan (orang dsb);

**gunjingan** umpat-mengumpat, perbualan (percakapan) memfitnah  
atau mengata-ngatai orang: *masing-masing adalah spt ~ rendahan  
seorang suri rumah dgn suri rumah jirannya mengenai kejelikan  
seorang suri rumah lain.*

**guntak** bunyi biji-biji buah dlm cemuk yg kering.

**guntang I** pelampung (pd kail, pancing).

**guntang II** = **guntang-guntang** kumparan tenun berbentuk torak yg  
berisi benang di dalamnya.

**guntil** pundi-pundi kecil; → **buntil**.

**gunting 1.** alat utk memotong kain (rambut, kertas, dll) yg terdiri drpd  
dua bilah logam yg dirangkapkan; ~ *babi* sj perangkap babi yg  
menggunakan pisau; ~ *tiket* alat untuk menebuk lubang pd tiket;  
*tukang ~ rambut* tukang potong rambut; **2.** bentuk atau potongan  
(baju, rambut, dll): *baju ~ Cina; rambut ~ GI; spt ~ makan di  
hujung* prb mencapai sesuatu dgn diam-diam;

**bergunting 1.** menyuruh potong (rambut) oleh tukang gunting: *dia  
baru saja lepas ~*; **2.** dipotong dgn gunting: *kain itu belum ~ lagi*;

**menggunting 1.** memotong dgn gunting, memangkas (rambut dll);  
**2.** Id menipu, mencatut;

~ *hati* menyakitkan hati orang; ~ *dlm lipatan* prb membinasakan  
sahabat (bangsa dll) sendiri;

**mengguntingkan** menggunting (kain dll) utk dijadikan sesuatu  
(baju dll): *kalau ya kasihkan kami guntingkan awan sehelai baju*;

**guntingan 1.** hasil drpd menggunting, potongan (karangan,  
akhbar, buku, dll); **2.** (Komp) gambar atau teks yg telah dipotong  
atau disalin oleh pengguna drpd dokumen yg sedia ada utk  
digunakan dlm lukisan atau dokumen lain;

**penggunting** 1. orang yg menggunting; 2. alat utk menggunting.

**guntung I** tidak lancip, kotong, pendek (tiang, lengan baju, dll); *baju* ~ baju lengan pendek; *tiang* ~ tiang yg tidak lancip pd hujungnya;

**mengguntung** memotong bahagian hujung atau depan.

**guntung II** sj kail yg diikat pd pelampung dan pelampung ini pula berhubung satu sama lain.

**guntur** guruh;

*harapkan* ~ *di langit, air di tempayan dicurahkan* prb oleh kerana mengharapkan keuntungan besar yg belum pasti, keuntungan kecil dilepaskan; *spt itik mendengar* ~ prb mengharapkan keuntungan yg belum tentu diperoleh;

**mengguntur** (berbunyi dll) spt guntur, gemuruh.

**gunu** Kd sesuatu yg digunakan utk menandakan petak-petak bagi permainan teng-teng.

**gunung** bukit yg besar dan tinggi (lebih drpd 1500 kaki atau 457.2 meter); ~ *berangkat* sj susunan bantal di atas pelamin; ~ *berapi* gunung yg mengeluarkan lahar, api, dll dr kawahnya; ~ *berapit* gunung yg letaknya di antara dua gunung; ~-*ganang* berbagai-bagai gunung, banyak gunung; ~ *lipat* gunung yg terjadi kerana muka bumi berlipat; ~ *payung* ki buah hati, kesayangan (utk anak dll);

~ *juga yg dilejang panas* prb a) orang kaya juga yg bertambah kekayaannya; b) orang yg pernah berbuat salah biasanya dituduh kalau timbul sesuatu kesalahan; ~ *yg tinggi akan runtuh, jika setiap hari digali* prb harta yg banyak sekalipun akan habis kalau selalu diboroskan; *ke* ~ *tak dapat angin* prb hendak memperoleh kejayaan tetapi gagal; *niat hati hendak memeluk* ~ *apakan daya tangan tak sampai* prb tidak berdaya mencapai sesuatu yg dihajati (dicita-cita); *niat hati nak peluk* ~ *sudah terpeluk biawak celaka*

(*sial*) prb lain yg dihajati lain yg diperoleh (kemuliaan yg dihajati, kehinaan yg diperoleh); *rendah ~ tinggi harap(an)* prb dipakai utk menyatakan besarnya harapan; *tak ada ~ yg tinggi yg tak dapat didaki, tak ada lurah yg dalam yg tak dapat dituruni* prb tidak ada usaha yg tidak akan berhasil (asalkan keras kemahuan); *tak akan lari ~ dikejar (hilang kabut tampaklah dia)* prb tidak perlu bergopah-gapah mengerjakan sesuatu yg sudah tentu;

**gunung-gemunung** banjaran gunung;

**gunung-gunungan, gegunungan** gunung buatan, bukit kecil;

**bergunung-gunung = bergunung-ganang** mempunyai banyak gunung: *kawasan yg ~;*

**menggunung** 1. meninggi (spt gunung): *gelombang pun ~ tingginya*; 2. mencapai paras (peringkat dsb) yg amat tinggi, memuncak tinggi: *kelayakan yg paling penting bagi seseorang pemimpin dlm masyarakat Jepun ialah sahsiah penuh dgn fahaman dan kesabaran, bukan kebolehan yg ~;*

**menggunungkan** ki membesar-besarkan, menghebah-hebahkan; *air setitik dilautkan, tanah sekepal digunungkan* prb membesar-besarkan perkara yg kecil;

**pergunungan** tanah yg penuh dgn gunung, daerah yg bergunung-gunung.

**gup** bunyi spt bunyi papan dipukul (debaran jantung dll), bunyi degap, degup.

**gurap** sl sj perahu: *maka turunlah Sultan Abdul Jalil itu kepada ~ yg besarnya itu.*

**gurah I; bergurah** berkumur (dgn air dll), mencuci mulut;

**menggurah** mencuci mulut dgn air.

**gurah II** sj tumbuhan (pokok yg buahnya dipakai utk menuba ikan), gayan, guring, *Sapium indicum*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok

renek), kayu seluang mudik, pokok tempang puteri, *Pseuderanthemum graciliflorum*; ~ *peria(t)* sj tumbuhan (pokok renek), ara lumut, *Croton caudatum*.

**gurah III** Kl guli.

**guram** Jk muram, suram, tidak berkilau.

**gurami** Jw sj ikan darat, ikan kaloi, *Osphronemus goramy*.

**gurang** sj tumbuhan (pokok renek), *Ervatamia malaccensis*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), *Helicia attenuata*.

**gurat** = **guratan** (Sunda) gores, coret; ~ *batu* tetap pendirian;

**menggurat** menggores, mencoret;

**tergurat** tergores, tercoret.

**gurau** percakapan secara bermain-main, senda, kelakar, lawak, olok-olok: *anakanda hendak mengusik ayahandakah dgn ~ jenaka anakanda ini?*; ~ *senda* = *senda* ~ berbagai-bagai kelakar;

**bergurau** = ~ *senda* berbual secara bermain-main, bersenda, berjenaka, berkelakar: *jangan ~ Aini, jangan berolok-olok*;

**memperguraukan** mempermain-mainkan supaya ditertawakan orang, memperolok-olok: *adakah anak sebesar kau diperguraukan orang?*

**gurauan, pergurauan** senda, kelakar, jenaka.

**gurdan**; *ringgit* ~ sj wang ringgit yg bergambar burung (dolar Mexico).

**gurdi** gerudi, penggerek;

**menggurdi** menggerek (lubang dll); → **gerudi**.

**guri I** sj tempayan kecil (dipakai juga sebagai takar), buyung; ~ *arak* botol arak.

**guri II** limbungan, galangan (kapal).

**guri III** Kl, Tr membeli sebelum ada pembeli lain, menjual kpd pembeli yg pertama; → **gori II**.

**gurih** Id sedap (spt ikan goreng dll); *nasi* ~ nasi

yg dimasak dgn santan dan kayu manis.

**gurin** Sr baring.

**gurindam** sj bentuk puisi (terdiri drpd dua baris, berisi dgn berbagai-bagai pengajaran);

**bergurindam** melafazkan gurindam.

**guring** sj tumbuhan (pokok yg bijinya digunakan sbg kapur barus), bunga lerak, kekapur, pelir musang, sekobang kecil, sesundo bukit, *Anaxagorea scortechinii (javanica)*.

**gurit** Jw sj syair atau sajak;

**menggurit** mensyair, menyajak.

**gurita I** sj sotong, sotong gurita, *Octopus spp.*, *Eledone spp.*.

**gurita II** sj kain pembalut dada dan perut anak-anak, barut.

**Gurkha 1.** suku kaum berketurunan Hindu yg tinggal di Nepal dan dikatakan terkenal dgn keberanian dlm ketenteraan; **2.** anggota rejimen angkatan tentera British atau India yg terdiri drpd askar yg berasal dr Nepal: *sepasukan askar* ~.

**gurnador** sl gabenor.

**guru 1.** orang yg mengajar, pendidik, pengajar, pengasuh: ~ *pelatih*; ~ *pelawat*; **2.** pemimpin agama Hindu;

~ *bantu* Id pembantu guru; ~ *besar*, = ~ *kepala* = ~ *ketua* guru yg mengetuai sesuatu sekolah, pengetua sekolah; ~ *latihan normal* guru yg bukan lepasan maktab atau universiti; ~ *lepasan maktab* guru yg terlatih di maktab; ~ *pelatih* pelajar-pelajar di maktab perguruan yg bakal menjadi guru; ~ *pelawat* pegawai pendidikan yg tugasnya melawat dan memeriksa keadaan sekolah (bangunan, pelajar, guru, dll), nazir sekolah; ~ *penolong* guru yg kanan selepas guru besar;

~ *kencing berdiri*, *murid kencing berlari* prb kelakuan murid mencontohi kelakuan guru (terutama dlm hal yg tidak baik);

**berguru** **1.** belajar: *sepeninggalan Awang kerana ~ itu, Bacuk telah memujuk Dayang utk menggantikan tempat Awang;* **2.** berlaku (bertindak) spt guru; *~ kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi* prb ilmu yg tidak sempurna dituntut tidak ada faedahnya;

**bergurukan** menjadikan seseorang sbg guru: *dia ~ al-Guwayni yg dikenal dgn gelaran Imam al-Haramayn;*

**keguruan** yg berkaitan dgn guru, yg berkaitan dgn peranan (tugas, kelayakan) sbg guru: *sifat-sifat ~ yg luhur;*

**perguruan** **1.** sekolah, tempat belajar; **2.** pengajaran; *~ rakyat* Id pengajaran kpd rakyat; **3.** yg berkaitan dgn guru; *maktab ~ maktab* tempat melatih guru; *maktab ~ bahasa* maktab tempat melatih guru bahasa.

**guruh** bunyi bising di langit (yg biasanya didahului oleh kilat), guntur, tagar;

*~gemuruh* berbunyi spt guruh, berdegar-degar;

*harapkan ~ di langit, air tempayan dicurahkan* prb kerana mengharapkan sesuatu yg belum tentu, barang yg tersedia dilepaskan; *tak ada ~ pd orang pekak, tak ada kilat pd orang buta* prb orang bodoh tidak tahu akan erti kiasan dan sindiran.

**gurun** kawasan yg luas dan kering (biasanya diliputi pasir), padang pasir; *~ tandus* gurun yg tidak ditumbuhi tumbuh-tumbuhan.

**gurur** Ar harapan hampa, fikiran yg bukan-bukan.

**gus** semuanya pd waktu yg sama;

*sekali ~ (mengerjakan) semuanya pd waktu yg sama: bayaran sekolah di Tokyo dibayar setahun sekali ~.*

**gusar** berang, marah: *ia menunjukkan ~nya kpd saya;*

**menggusari** memarahi: *jangan digusari orang tua itu;*



**menggusarkan** menimbulkan rasa gusar, menyebabkan marah:  
*jawaban anaknya itu semakin ~nya; mati di medan jihad bagi orang Mukmin bukanlah sesuatu yg ~;*

**kegusaran** perihal gusar, kemarahan: *sepanjang minggu orientasi itu berjalan, penuntut-penuntut baru sering berada dlm keadaan ketakutan, ~ dan tidak tenteram.*

**gusi I** daging tempat tumbuh gigi; *gatal* ~ ki terbit air liur, mengingini makanan dll.

**gusi II**; *layar* ~ layar yg dipasang pd tiang belakang.

**gusti I** Jw gelaran atau panggilan bagi orang bangsawan.

**gusti II**; perlawanan menjatuhkan lawan dgn bergelut;

**bergusti** bergelut dgn lawan utk menjatuhkannya.

**gusuk** Kl terakhir (perlawanan, peperiksaan, dll).

**gusur** Jk; **menggusur** menarik, mengheret.

**gusut** Kl berpilin-pilin, berbelit-belit, bersimpul-simpul, berputar-putar (tali dll).

**gutik**; **menggutik** **1.** menyentuh dgn jari; **2.** Mn mencubit, menggetil, mengambil sedikit demi sedikit.

**guyur** Jw; **mengguyur** menyiram.

**h** huruf kelapan abjad Rumi.

**H** simbol kimia bagi hidrogen.

**ha I 1.** = *~ besar = ~ simpul* huruf ke-27 abjad Arab (mempunyai nilai lima); **2.** huruf ke-32 abjad Jawi.

**ha II 1.** sr kata utk mengejek atau menyedarkan orang yg mendapat akibat drpd perbuatan yg dilarang (diingatkan dll): *~, rasakan!; ~, itulah tak dengar kata orang!;* **2.** sr kata utk menyatakan kepuasan atau kelegaan perasaan: *~, dapat juga akhirnya!; ~, itu pun dia datang!*

**ha (h□a) 1.** = *~ kecil = ~ pedas* huruf keenam abjad Arab (mempunyai nilai lapan); **2.** huruf ketujuh abjad Jawi.

**haah** ya (mengiakan kata, keterangan, atau anjuran orang): *~, betul; ~, memang dia yg salah; ~, marilah kita pergi.*

**hab** (Kej) bahagian tengah sesuatu roda dll tempat gandar dipasangkan.

**haba 1.** kepanasan hawa, bahang; **2.** bentuk tenaga yg dipindahkan melalui pengaliran, perolakan, atau bahangan;

*~ pelakuran* (Kim) haba yg diperlukan utk menukarkan sesuatu bahan pepejal kpd cecair pd takat lebur bahan tersebut tanpa perubahan suhu; *~ pemejalwapan* haba yg diperlukan utk menukarkan sesuatu bahan pepejal terus kpd wap tanpa melalui keadaan cecair pd suhu dan tekanan tertentu; *~ pendam* (Fiz) haba yg diperlukan utk mengubah pepejal menjadi cecair atau wap (atau mengubah cecair menjadi wap); *~ pengewapan* haba yg diperlukan utk menukarkan sesuatu bahan cecair kpd wap pd takat didih bahan tersebut tanpa perubahan suhu; *~ penghabluran* haba yg dibebaskan atau diserap apabila hablur terbentuk drpd larutan tepu sesuatu bahan; *~ tentu* (Fiz) kepanasan yg diperlukan utk meninggikan suhu 1 gram sesuatu bahan sebanyak 1°C;

**berhaba** mempunyai haba;

**menghabakan** menjadikan berhaba, memanaskan, membahangkan;

**penghabaan** perihal menghabakan, pemanasan, pembahangan.

**haba daya gerak**; *kaji* ~ ilmu yg mengkaji hubungan antara haba dan kerja sawat, termodinamik.

**habanera** (habanéra) (Sepanyol) (Muz) **1.** sj tarian Cuba yg berentak perlahan; **2.** muzik utk tarian **1.** di atas.

**habeas corpus** (habéas korpus) (Udg) perintah yg dikeluarkan oleh mahkamah supaya seseorang dilepaskan drpd tahanan yg tidak mengikut undang-undang: *writ* ~.

**habelur** sj tumbuhan (pokok renek), embalau (padang), hempedu beruang, *Brucea amarissima (sumatrana)*.

**habib** Ar **1.** kekasih; **2.** panggilan kpd orang yg bergelar sayid.

**habibi** Ar kekasihku.

**habis** **1.** tidak ada yg tinggal lagi (kerana sudah digunakan, dibuang, dimakan, dimusnahkan, dll): ~ *sudah wang simpananku; sisa makanan itu ~ dimakan kucing; barang-barang kemas isterinya ~ digadaikannya*; **2.** kesemuanya (segalanya, sekaliannya, keseluruhannya): *memasak makanan akan menyebabkan kuman pd makanan yg mentah itu ~ mati; kalau aku tidak datang nanti budak-budak ~ pulang*; **3.** banyak bahagiannya, sebahagian besarnya, hampir keseluruhannya: *baju ini ~ dimakan gegat; pondok itu ~ bocor atapnya*; **4.** digunakan, ditumpukan, dibelanjakan, diperlukan (bkn wang, masa, dll yg digunakan, dibelanjakan, diperlukan, dll utk sesuatu): *sepertiga drpd waktu yg ditetapkan ~ utk ucapan pembukaan sahaja; separuh drpd wang gajinya ~ utk membayar hutang*; **5.** selesai (siap, sudah), berakhir, tamat: *sebentar lagi ~(lah) kerjaku ini; pertunjukan pertama*

*sudah ~; 6. paling, (yg) ter...: darjah yg ~ tinggi di sekolah itu ialah darjah sembilan; inilah bangunan yg ~ tinggi dlm bandar ini; 7. jadi (jadinya), kalau begitu (tidak begitu) maka ...: ~, mengapa ia berhenti kerja?; ~, sampai bila kita boleh tahan hidup begini; 8. selepas, setelah, sesudah itu (dlm pertanyaan): ~ makan ia keluar; ~ apa yg terjadi? 9. (apa hendak dikatakan) kerana: ~ selalu diherdik, itulah ia lari;*

*~ akal bingung (tidak tahu apa yg hendak dilakukan atau dikatakan lagi), putus akal; ~ awak Kl sangat (paling) memuaskan; ~ bulan a) akhir (hujung) bulan (hari gaji); b) awal bulan yg berikut; ~ dibahagi Id dapat dibahagi dgn tidak berbaki; ~ kemelak Kl puas berikhtiar (membuat atau mencari sesuatu); ~ lauk Kl tidak berfaedah (bercakap dgn orang bodoh dll); ~ licin habis sama sekali (segala-galanya); ~ modal a) tidak ada lagi modal yg tinggal; b) tidak ada bahan atau idea lagi (utk meneruskan perbincangan dll); ~ perkara sudah selesai (tidak perlu diperkatakan, dibincangkan, disebut-sebut lagi); ~ sut Kl tinggal satu sahaja (bkn barang dagangan dll); ~ tahun a) akhir (hujung) tahun; b) awal tahun yg berikut; ~ teh = ~ or Kl bermati-matian atau bersungguh-sungguh (berusaha dll); ~ tempoh (masa, waktu) sudah berlalu jangka waktu yg ditetapkan (sudah tiba waktunya); ~ air setelaga arang dibasuh tak putih prb betapa pun diusahakan, perangai jahat susah hendak dihilangkan; ~ manis sepah dibuang prb setelah tidak berguna, disingkirkan, tidak diendahkan lagi, dll; ~ umpan kerong-kerong tak dapat prb usaha yg sia-sia (menyebabkan kerugian);*

**sehabis 1.** sesudah, selepas, sebaik-baik habis: *~ ia berucap para hadirin pun bertepuk tangan; ~ berfikir ia menerima cadangan itu; 2. paling, sangat (kecil, kuat, dll) sekali: gunung yg ~ tinggi di*

*Malaysia ialah Gunung Kinabalu; anaknya yg ~ kecil baru berumur dua bulan; menjangkau ~ tangan prb berusaha sedaya upaya;*

**sehabis-habis 1.** hingga tidak tinggal (bersisa) sedikit pun, kesemuanya: *jikalau dikhabarkan dgn ~ nescaya murkalah tuan puteri ini gerangannya; berfikir dgn ~nya berfikir dgn mempertimbangkan segala-galanya; 2.* sampai ke akhir (ke peringkat tertinggi dll), seboleh-boleh: *walaupun dicuba dgn ~ daya dan ikhtiar tetapi tidak berhasil yg dicita-citakan; 3.* paling, sehabis: *tugas ini ialah yg ~ sulit yg pernah dihadapinya;*

**habis-habis 1.** hingga habis kesemuanya (keseluruhannya dll); *cakplah (katakanlah) ~ cakplah (katakanlah) segala-galanya (dgn tidak menyembunyikan sedikit pun); berfikir ~ berfikir masak-masak (dgn memperhitungkan segala-galanya); tak ~(nya) tidak putus-putusnya, tidak ada kesudahannya; 2.* paling-paling, (yg) sebanyak-banyaknya (sebesar-besarnya dsb): *orang-orang tua apa boleh dibuat mereka, ~ mereka meratap, ~ mereka memakimaki; memakan ~ menyorok hilang-hilang prb merahsiakan sesuatu biarlah sampai tidak diketahui orang sedikit pun;*

**berhabis** = ~ *wang* banyak membelanjakan wang dgn sia-sia (membazir), mengeluarkan wang (dgn banyaknya) sehingga kesempitan: *biar aku ~, biar aku papa, asalkan hati aku puas, asalkan aku tidak malu; ~ tenaga (waktu) membuang-buang tenaga (waktu);*

**habis-habisan, berhabis-habisan 1.** hingga habis (terkorban dsb) semuanya, dgn sepenuh kemampuan (tenaga, kesungguhan, dll), mati-matian: *mereka bersumpah akan berjuang ~ mempertahankan negara; nampaknya mereka bertaruh ~ di atas*

*papan catur*; **2.** terlalu sangat, dgn tidak bersekat (berbatas):  
*dimaki ~;*

**menghabisi 1.** mengakhiri, menamatkan: *tuan Imam ~ upacara itu dgn doa selamat*; **2.** menghapuskan, menghilangkan: *habisilah perasaan itu abang, jangan diperkesankan di muka orang banyak*; **3.** menamatkan riwayat, membunuh: *seorang leftenan muda mengancam mahu ~ orang tangkapan itu; ~ nyawanya membunuh diri*;

**menghabiskan 1.** menggunakan (memakan, membelanjakan, dll) hingga habis, membuang-buang (masa, tenaga, dll): *sebahagian drpd wang gajinya dihabiskan utk membiayai pelajaran anak-anaknya; Bujal ~ masa lapangnya dgn berkunjung ke rumah kawan-kawannya; ~ umur membuang-buang masa (kerana melakukan sesuatu yg tidak baik atau sia-sia)*; **2.** menyudahkan, menyiapkan, menyelesaikan: *dia pergi ~ kerjanya yg terbengkalai*; **3.** menamatkan, mengakhiri; *~ ceritanya (cakapnya) menamatkan ceritanya (cakapnya)*; **4.** menghabisi, membunuh: *kekanda berjanji dgn keris ini akan ~ siapa sahaja yg cuba mengganggu adinda*;

**terhabiskan; tiada (tidak) ~** tidak dapat dihabiskan: *Hanuman pun makan nasi itu dgn berapa budi bicaranya hendak menghabiskan nasi itu tiada ~;*

**kehabisan** mengalami kesulitan kerana sesuatu (yg diperlukan) telah habis (dgn tidak disedari, di luar dugaan), tidak lagi mempunyai (wang dll, kerana sudah dibelanjakan, digunakan, dsb semuanya), ketiadaan sesuatu (kerana telah habis): *belum hujung bulan dia telah ~ wang; dgn gerak yg lemah spt orang ~ tenaga ia berjalan perlahan-lahan menuju sebuah jendela; keretanya ~*

*minyak di tengah jalan; ~ modal tidak tahu apa yg hendak dikatakan lagi (dlm perbualan, perbincangan, dll);*

**penghabisan** **1.** kesudahan, akhir: *~nya tiada siapa pun yg berjaya;* **2.** yg terkemudian sekali, akhir: *sampailah hari ~ bulan puasa, esoknya sudah berhari raya; dialah yg ~ keluar dr rumah itu;* **3.** hujung: *~ jalan ini di tepi laut.*

**habitat** (Bio) tempat haiwan dan tumbuh-tumbuhan hidup secara semulajadi: *ada perbezaan-perbezaan kecil pd rangka kejadian berjenis-jenis burung supaya masing-masing dapat sesuai dgn ~ dan kebiasaan-kebiasaan yg berlainan;*  
*~ semula jadi habitat asli (bukan buatan manusia); ~ tiruan habitat yg dibuat (disediakan) oleh manusia utk menempatkan hidupan-hidupan tertentu bersesuaian dgn habitat semula jadinya.*

**habluk** belang; *kuda ~ kuda belang.*

**hablur** **1.** benda keras yg hening spt kaca, kristal: *lensa ~; mata ~ ki mata yg bersinar-sinar;* **2.** (Kim) bahan dlm bentuk yg mempunyai susunan atom dalaman yg berulang secara tetap dan mempunyai muka satah luaran yg tersusun secara tetap;

**berhablur** mengandungi hablur, berkristal;

**menghablur** menjadi hablur, mengkristal: *air garam akan ~ jika dipanaskan lama-lama;*

**menghablurkan** menjadikan hablur, mengkristalkan: *air tebu dihablurkan menjadi gula;*

**habluran** hablur;

**penghabluran** proses menghablur atau menghablurkan, pembentukan hablur, pengkristalan.

**Habsyi** **1.** orang atau bangsa Habsyah; **2.** Habsyah, Abessinia, Ethiopia.

**habuan** **1.** bahagian (wang, makanan, dll) yg diuntukkan kpd seseorang, hak: *yg baik itu ~ dialah; seorang pegawai sedang membahagi-*

*bahagikan ~ kpd tiap-tiap seorang anak kapal; 2. peluang (utk memperoleh sesuatu yg menguntungkan), rezeki: kalau ada ~, tahun hadapan saya akan pergi ke luar negeri; ~ perut makanan (rezeki); 3. bp nasib, takdir, untung: memang sudah ~ dia, kita tidak dapat berbuat apa-apa lagi.*

**habuk** benda halus kering macam serbuk yg terdapat pd permukaan bumi, pd permukaan objek, atau berterbangan ditiup angin; ~ *gergaji* zarah-zarah halus kayu yg terhasil semasa kayu digergaji; **berhabuk** **1.** dipenuhi habuk, berdebu: *meja tulisnya ~ kerana tidak pernah disapu; 2.* bp, ki beria-ia mengatakan itu dan ini (membuat cadangan dsb) tetapi hanya cakap kosong: *cakapnya ~ tetapi kerjanya tidak ada satu pun yg nampak hasilnya; 3.* bp fasih (bertutur dlm sesuatu bahasa asing);

**kehabukan** dipenuhi habuk, berhabuk, berdebu.

**habur** ark; **menghabur** membuang-buang (wang): ~ *dan boros itu adalah perbuatan sia-sia yg dilarang; → hambur I.*

**had** **1.** batas, perenggan: *kesabaran manusia ada ~nya; ~ laju* batas laju (kelajuan maksimum yg dibolehkan atau dibenarkan); **2.** hingga (sampai) ke, setakat: *boleh masuk ~ serambi sahaja; kain disingsingnya ~ lutut; ~ itulah yg terbaca oleh saya;*

**berhad** berbatas, berhingga: *kekuasaan Tuhan tidak ~; syarikat ~ syarikat* yg tanggungannya terbatas kpd modal dan hartanya sahaja (tidak meliputi harta peribadi pemiliknya atau pemegang sahamnya);

**menghadkan** **1.** menentukan hadnya (banyaknya, luasnya, perenggannya, dll), membatasi: *kelab itu ~ bilangan ahlinya kpd 100 orang sahaja; percubaan ini dijalankan di dlm tempat yg dihadkan bekalan udaranya; 2.* mengkhususkan, menguntukkan: *seorang pekedai akan ~ jualan hutang kpd pelanggan-*



*pelanggannya sahaja; ahli ekonomi kurun ke-19 mahu ~ tugas kerajaan kpd hal menjaga undang-undang dan keamanan negeri sahaja;*

**terhad 1.** ditentukan batas atau perenggannya, terbatas: *kebebasan bekas tahanan itu ~ di dlm daerahnya sahaja;* **2.** khusus (utk): *faedah drpd keuntungan syarikat kerjasama ~ utk ahli-ahlinya;*

**keterhadan** perihal (keadaan) terhad, keterbatasan: *~ dan kelemahan manusia;*

**pengehadan** perihal mengehadkan, pembatasan: *perintah ~ kediaman.*

**hadam** Ar hancur menjadi bahan yg mudah diserap dan diasimilasi oleh badan, cerna: *makanan berlemak susah ~ dlm perut; penyakit tidak ~ penyakit dlm perut yg disebabkan oleh makanan tidak tercerna;*

**menghadamkan** menghancurkan makanan menjadi bahan yg mudah diserap dan diasimilasi oleh badan, mencerna: *apabila masuk sahaja makanan ke dlm saluran makanan ia dihadamkan menjadi benda-benda yg lebih ringkas binaan kimianya;*

**terhadam** sudah dihadam, tercerna;

**keterhadaman** perihal atau keadaan mudah (dapat, boleh) dihadamkan, ketercernaan;

**penghadaman** proses menghadamkan, pencernaan: *sistem ~;*

**penghadam** sesuatu yg menghadamkan (makanan), pencerna (makanan); *air ~ makanan* bahan kimia dlm tubuh (yg menghadamkan makanan).

**hadanah** Ar hak memelihara (menjaga, mendidik) dan mengatur segala urusan anak yg belum mumaiyiz selepas berlakunya perceraian suami isteri.

**hadap 1.** bahagian sebelah muka, muka, depan: *wang tembaga zaman dahulu sama sahaja ~ belakangnya; seratus penjajap di kanan, seratus penjajap di kiri, seratus penjajap di ~, seratus penjajap di belakang;* **2.** arah atau hala tujuan: *hidupnya sekarang satu ~ sahaja* hidupnya menuju satu tujuan (jurusan) sahaja; *tak tentu ~* a) tak tentu arah tujuan; b) tidak berbuat sesuatu apa pun; *semua pendapat mereka satu ~ sahaja* satu sahaja arah maksudnya;

**berhadapan 1.** = ~ dgn bertentangan (dgn), bersemuka (bertemu muka) dgn: *maka ~lah kedua-dua pihak rakyat itu lalu berperang; dia duduk ~ dgn saya; ~ manis mulutnya* bila bertemu muka, manis mulutnya; ~ muka bertemu muka **2.** = **berhadap-hadapan** bertentangan hadap satu sama lain, berdekatan dan bertentangan: *mereka duduk dua baris ~; memuji atau mengeji biarlah dibuat ~;*

**menghadap 1.** (bahagian muka atau depannya) menghala ke: *orang Islam sembahyang ~ kiblat; rumah peranginan itu ~ ke laut; ~ surut* melihat ke belakang; **2.** datang menemui (raja atau orang besar-besar), menjelang, ada atau sedang berhadapan dgn raja (orang besar-besar): *~ ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; pd ketika itu baginda sedang dihadap orang banyak;* **3.** datang ke (mahkamah, pejabat, dll): *ia diperintahkan ~ ke mahkamah utk memberi keterangan;* **4.** ditujukan kpd (perbahasan dlm surat kiriman drpd yg muda terhadap yg tua), dialamatkan kpd: *~ ke hadapan ayahanda;*

**menghadapi 1.** berada bertentangan (berhadapan) dgn, duduk dll dgn muka ke hala sesuatu: *di dlm kedai itu duduklah mereka ~ sebuah meja; mereka berdiri beramai-ramai ~ runtuh rumah yg ditimpa pohon kelapa itu;* **2.** berjumpa (berhadapan) dgn, bersemuka (dgn): *nampak benar takutnya waktu ~ orang banyak itu;* **3.** menemui atau menempuh (bencana, bahaya, kesukaran, dll),

ditimpa (diancam) oleh, menanggung; ~ *persoalan yg rumit*; ~ *kesulitan*; ~ *tuduhan membunuh*; ~ *maut*; **4.** melawan, bertanding dgn, menentang: ~ *musuh*; ~ *pasukan lawan*;

**menghadapkan 1.** menghalakan, mengarahkan (sesuatu ke): *maka meriam pun dihadapkan orang arah ke laut*; **2.** menunjukan (pertanyaan, tuduhan, dll): *hampir semua yg hadir ~ pertanyaan kpd ahli forum yg kedua sahaja; tuduhan yg dihadapkan kepadanya sangat berat*; **3.** membawa ke muka (pengadilan, orang yg bertanggungjawab, dll), membawa utk dipertemukan dgn: *ia telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan membunuh*; **4.** memperlawankan, mempertandingkan, mempertentangkan: *dlm pusingan pertama, pasukan Malaysia akan dihadapkan dgn pasukan bola sepak dr Negeri Thai*;

**memperhadapkan 1.** menjadikan berhadap-hadapan, mempertemukan, menyemukakan; **2.** mengemukakan (membentangkan, memajukan) perkara dll: ~ *beberapa cadangan kpd ahli-ahli jawatankuasa utk dibahaskan*;

**terhadap 1.** berkenaan, mengenai, tentang: *pandangannya ~ gadis itu tidak berubah, bagaimana dahulu begitulah sekarang*; **2.** kepada, akan: *cintanya ~ gadis pilihannya sendiri tetap bersemarak dlm dadanya; ia mempunyai rasa perikemanusiaan drpd seorang manusia ~ manusia juga*; **3.** dihadapkan (ditujukan, dihalakan), tertumpu: *hatinya sudah ~ ke Lampung, angan-angannya sudah ke galas*;

**hadapan 1.** bahagian sebelah muka, depan (lwn belakang): *dia berdiri di ~ saya; pintu ~ rumah itu sentiasa terbuka; ke ~ a) ke depan, ke muka; b) (pd permulaan surat bererti) kepada: ke ~ sahabatku yg diingati*; **2.** yg akan datang; *masa (zaman) ~ masa (zaman) yg akan datang*;

**hadap-hadapan;** *nasi* ~ sajian nasi pulut yg dihidangkan di muka pelamin waktu pengantin sedang bersanding;

**penghadapan** tempat menghadap (raja): *Betara Majapahit pun duduk di ~ dihadap orang banyak; balai* ~ ruang tempat menghadap raja di dlm istana atau di tempat raja bersemayam.

**hadap muka; menghadapmukakan** membuat supaya berhadap-hadapan (bersemuka), mempertemukan: *bila sudah dihadapmukakan barulah mereka kenal antara satu sama lain.*

**hadarah** Ar tamadun: *suatu* ~ lahir sbg jawapan kpd cabaran itu.

**hadas** (bkn orang Islam) keadaan tidak suci diri yg menyebabkan tidak boleh beribadat (sembahyang, tawaf dll);

~ *besar* hadas yg disebabkan oleh sesuatu yg mewajibkan mandi junub, mis haid, nifas dll; ~ *kecil* hadas yg disebabkan oleh sesuatu yg membatalkan air sembahyang, mis buang air kecil, kentut dll (memerlukan bersuci dgn berwuduk);

**berhadas** berada dlm hadas.

**hadi; menghadi** Kd, Pn memukul, menyebat: ~ *kerbau.*

**hadiah** 1. pemberian (kerana penghargaan, utk kenang-kenangan, sbg penghormatan, dll): *terimalah ~ kami yg tidak sepertinya ini; dia menerima berbagai-bagai ~ pd hari jadinya;* 2. ganjaran (kerana menang dlm perlumbaan, pertandingan, dll): *bagi pemenang yg pertama disediakan ~ sebuah piala perak;*

~ *ikhlas* a) hadiah yg diberikan dgn ikhlas (tanpa mempunyai tujuan tertentu di sebaliknya; b) buku (tiket dsb) yg diberikan percuma kpd orang-orang tertentu; ~ *kerja* hadiah kpd kakitangan sesuatu syarikat (persekutuan) perniagaan dll; ~ *lebaran* Id wang pemberian kpd kakitangan pejabat atau syarikat pd hari raya puasa; ~ *Nobel* hadiah tahunan kerana hasil kajian atau sumbangan yg teristimewa dlm berbagai-bagai lapangan (spt ilmu fizik,

perubatan, kesusasteraan, keamanan, dll); ~ *penghargaan* hadiah yg diterima oleh seseorang yg tidak berjaya memenangi hadiah utama: *10 buah cerpen tersebut telah memenangi ~ penghargaan*; ~ *penghibur* Id = ~ *sagu hati* hadiah (ganjaran) kpd petanding yg tidak berjaya sepenuhnya; ~ *siswa* biasiswa; ~ *utama* hadiah berupa piala, wang, dll yg menjadi rebutan utk seseorang yg menjuarai sesuatu pertandingan : *tiga buah cerpen telah memenangi ~ utama dlm Sayembara Cerpen Remaja kali Ke-8*;

**berhadiah** **1.** ada disediakan hadiah: *pertandingan ini diadakan dgn ~*; **2.** memberikan (menyumbangkan) hadiah: *sesiapa yg suka ~ bolehlah berhubung dgn jawatankuasa*;

**menghadiahi** memberikan hadiah kpd: ~ *setiap pekerja yg bersara sebuah cenderamata*; *Yang Dipertuan ~ Yuzuki sehelai jubah berwarna merah tua*;

**menghadiahkan** memberikan sesuatu sbg hadiah, menganugerahkan: *mereka ~ sebuah jam tangan kepadanya dlm majlis perpisahan itu*; *dlm tahun 1903, Hadiah Nobel telah dihadiahkan kpd pasangan suami isteri Pierre Curie dan Marie Curie*.

**hadir** ada, ada datang (di sekolah, mesyuarat, dll): *wakil kami tidak ~ dlm persidangan itu: daftar ~ daftar yg mengandungi nama orang yg hadir (datang)*;

**berhadir** sl bersedia, menyediakan: *segala orang Singapura itu pun sudah ~ dgn segala persembahannya*; *maka Sultan Ahmad pun menghimpunkan orang, dan disuruh ~ senjata*;

**menghadiri** hadir di (persidangan, majlis, kursus, dll) menyertai, mengikuti: *lebih 100 orang peserta dr negara-negara Asia Tenggara, Australia, dan New Zealand telah ~ seminar antarabangsa tersebut*; ~ *persidangan Parlimen*;

**menghadirkan 1.** membuat supaya hadir (ada di sesuatu tempat): *ketua rombongan hendaklah ~ semua ahli rombongan pd waktu yg ditetapkan; ~ diri* datang menunjukkan diri; **2.** sl menghimpunkan, mengadakan, menyediakan: *maka Sultan Ahmad pun mengerahkan segala rakyat ~ kelengkapan perang; tuanku, baiklah persilakan turun ke kenaikan, telah sedia patik hadirkan;*  
**kehadiran** perihal hadir (di sesuatu perjumpaan, mesyuarat, dsb), perihal berada (di sesuatu tempat dll), adanya, kedatangan: *~ golongan muda amat penting dlm perjumpaan itu; ~ kuasa besar boleh membawa kesan buruk kpd negara-negara Asia Tenggara; daftar ~* daftar nama orang yg hadir (di mesyuarat, kursus dll), daftar hadir.

**hadirat 1.** kehadiran, tempat menghadap (raja, Nabi, Tuhan); **2.** sl (kata yg bererti) Yang Mulia: *maka berbahaslah mereka itu dgn kami beberapa hari di hadapan ~ sultan; ke ~* ke hadapan (raja, Tuhan): *ke ~ sultan.*

**hadirin** = *para* ~ Ar sekalian yg hadir (dlm majlis jamuan dll): *para ~ bertepuk tangan.*

**hadis** Ar sabda (perbuatan atau kelakuan) Nabi Muhammad SAW yg diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya (utk menjelaskan atau menentukan sesuatu hukum Islam): *ada sepotong ~ Nabi SAW yg dapat memberi jawapan tepat kpd kemusykilan ini:*

**berhadis** bercakap (berucap) dgn menggunakan hadis sbg dalil: *dia ~ utk menguatkan hujahnya.*

**hadok** sj ikan laut yg boleh dimakan, rupanya seakan-akan ikan kod tetapi lebih kecil, dan banyak terdapat di perairan Atlantik Utara, *Melanogrammus aeglefinus.*

**hadrah** Ar sj dikir yg menggunakan kompong atau rebana kecil.

**hadrat** Ar **1.** hadapan (Allah, Nabi, raja): *hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu ke ~ Allah Taala; datang ke ~ paduka anakanda Seri Sultan Alauddin Riayat Shah; 2. majlis (perjumpaan) yg berhubungan dgn agama.*

**haf;** ~ *tengah* (Suk) pemain atau kedudukan tengah dlm barisan pertahanan (bkn permainan bola sepak, hoki dsb).

**hafal** sudah masuk betul dlm ingatan (tentang pelajaran) tanpa perlu melihat buku atau catatan;

**menghafal** membaca atau mempelajari berulang-ulang supaya hafal: *sehari-hari bertubi-tubi ~ nama-nama teknikal yg begitu rumit;*

**hafalan** hasil menghafal: *dia mengumpulkan semua ayat al-Quran satu-persatu drpd pelepah tamar kulit, tulang, dan ketul batu serta drpd ~ para sahabat;*

**penghafalan** perihal atau perbuatan menghafal: *~ ayat suci al-Quran;*

**penghafal** orang yg menghafal (ayat suci al-Quran dsb): *~ al-Quran.*

**hafaz** Ar terpelihara dan kekal dlm ingatan (khususnya tentang bacaan ayat suci al-Quran): *waktu umurnya hanya sepuluh tahun ia sudah ~ kitab suci dan mengetahui banyak drpd syair-syair Arab; ~ Quran* dapat membaca seluruh al-Quran dgn tidak melihat kitab;

**menghafaz** membaca atau mempelajari ayat suci berulang kali supaya ingat dlm ingatan;

**terhafaz** dapat dihafaz: *ayat-ayat al-Quran yg ~ olehnya;*

**penghafazan** perbuatan menghafaz;

**penghafaz** orang yg menghafaz.

**hafbek** (hafbék) (Suk) pemain di belakang barisan hadapan (dlm permainan bola sepak, ragbi, dll).

**hafiz** Ar orang yg memelihara dan mengekalkan al-Quran dlm ingatannya: *Abu Hasan Din al-H~*; ~ *Quran* orang yg hafaz Quran.

**hafnium** (Kim) unsur logam bersimbol Hf yg terdapat dlm bijih zirkonium dan digunakan dlm pembuatan filamen lampu dan elektrod.

**hafton** (S.Lukis) darjah kecerahan warna antara ton cerah dgn ton gelap pd sesuatu lukisan.

**hagas** Kl sombong, bongkak: *jangan terlampau ~ nanti dibenci orang.*

**hagur** Tr baling, lempar, lontar: *rumah itu kena ~ dgn batu.*

**hah 1.** sr kata utk menegaskan cakap (spt menguatkan suruhan, tegahan, penafian, dll): ~, *apa halnya; awak tu kenapa, ~; itu ~, dlm tin tu; ~, apa lagi, makanlah; ~, bukan itu maksudku; 2. sr kata utk menyergah: ~, *apa kau buat di sini!**

**haha** bunyi ketawa: *Rahman terus ketawa dan ~nya makin kerap dan kuat.*

**hahnium** sj unsur logam yg radioaktif.

**hahu-hahu** sj tumbuhan (pokok), durian badak (tuang), panggai, *Coelostegia griffithii.*

**hai 1.** sr kata utk menarik perhatian: ~ *Ros, jogetlah; ~ sekalian Mukmin, taatlah kamu kpd Allah; 2. sr kata utk melahirkan keluhan (rintihan, rayuan): ~, *malangnya nasib diri: kalau komunis bertambah-tambah ganas di kampung ini, ~, sakitlah kita; 3. sr kata utk menyatakan hairan (kurang percaya, sangsi, dll): ~, *dia pun serta juga?; ~, baru sekejap tadi aku beri sudah habis?***

**haid 1.** = *darah* ~ darah kotor yg turun setiap bulan (biasanya berselang 28 hari) drpd rahim perempuan yg sudah baligh; **2.** turun darah haid, datang bulan, mendapat kain kotor: *mati ~ Id = putus ~*



sudah tidak datang bulan lagi (bkn perempuan yg dlm lingkungan umur 50 tahun ke atas).

**haiku** sj puisi Jepun yg ditulis dlm tiga baris dgn tujuh belas suku kata, selalunya membicarakan kisah alam semula jadi.

**Hailam** suku kaum Cina yg berasal dr pulau Hainan, China dan tinggal di merata tempat di dunia.

**Hainan** suku kaum Cina yg berasal dr pulau Hainan, China dan tinggal di merata tempat di dunia.

**hairan 1.** berasa pelik atau ganjil ketika melihat atau mendengar sesuatu, takjub, kagum: ~ *saya melihat orang-orang buta di situ menganyam bakul dgn berbagai-bagai bentuk dan corak*; **2.** aneh, ajaib, pelik, ganjil: ~ *sungguh, mesin itu dapat memberi jawapan kpd masalah itu dgn begitu pantas*; ~ *bin ajaib aneh sekali, sungguh aneh*;

**menghairani** berasa hairan terhadap, mengagumi: *sekali lagi ia ~ segala apa yg hendak diajar oleh ayahanda saudaranya itu seolah-olah telah diketahuinya terlebih dahulu*;

**menghairankan** menimbulkan rasa hairan (pelik, aneh, ganjil): *kepintaran perompak itu melepaskan diri di tengah-tengah orang ramai sangatlah ~; keganjilan kelakuan laki-laki itu sungguh-sungguh ~*;

**terhairan-hairan** berasa sungguh hairan, tercengang-cengang (kerana hairan): *berdirilah dia di situ ~*;

**kehairanan 1.** = **kehairan-hairanan** dlm keadaan hairan, sangat hairan: *dia tercengang-cengang ~ melihat kejadian yg tidak disangka-sangka itu; dia berdiri dlm ~ di hadapan mereka*; **2.** keanehan, kepelikan, keganjilan: ~ *kelakuannya itu tidak dihiraukan orang lagi apabila diketahui bahawa dia gila*.

**haiwan 1.** makhluk (manusia dan binatang) yg bernyawa; **2.** binatang;

*doktor* ~ doktor yg kepakarannya mengubati binatang, doktor veterinar; *ilmu* ~ pengetahuan tentang penyakit binatang dsb dan cara mengubatnya, sains veterinar; ~ *khunsa* haiwan yg mempunyai alat kelamin jantan dan betina;

**kehaiwanan** **1.** sifat (kelakuan) spt haiwan, kebinatangan: *sifat kasar dan suka berbunuhan itu adalah sifat ~ yg merosakkan perikemanusiaan*; **2.** sesuatu urusan dll yg mengenai binatang: *soal-soal ~ dlm negeri ini diurus oleh Jabatan Haiwan.*

**haiwanat** Ar ark jamak bagi haiwan.

**haiwani** Ar ark sifat (resmi) binatang jantan.

**haiwaniat** Ar ark sifat (resmi) binatang betina.

**haj** Ar rukun Islam yg kelima, yg wajib ditunaikan sekali seumur hidup; *pergi* ~ naik haji; *al-H*~ gelaran bagi orang lelaki yg telah menunaikan fardu haji.

**hajib** Kd azab, seksa, susah.

**hajjah** Ar gelaran atau panggilan bagi orang perempuan yg telah menunaikan fardu haji.

**hajam** → **hajim**.

**hajarulaswad** Ar batu hitam di Kaabah yg menjadi tanda permulaan dan penghabisan pusingan tawaf.

**hajat** **1.** keinginan, kehendak, maksud, niat, tujuan: *hampalah hatinya kerana ~ tak sampai; ~ Badri hendak memperisterinya ditolakny dgn baik*; **2.** keperluan, sesuatu yg diperlukan; *ada* ~ Jk mengadakan kenduri utk mendoakan supaya selamat; *doa* (*sembahyang, solat*) ~ doa (sembahyang) khusus kerana memohon supaya Tuhan memakbulkan sesuatu permintaan; *qada* ~ buang air besar; *menyempurnakan* (*membayar, menunaikan*) ~ menyampaikan niat (biasanya mengadakan kenduri); ~ *seni* = ~ *kecil* buang air kecil;

**berhajat 1.** bermaksud, berniat (akan), mempunyai keinginan: *saya ~ hendak menemui tuan; sudah lama dia ~ hendak datang;* **2.**

= **berhajatkan** memerlukan: *manusia selama-lamanya ~ kpd pertolongan Allah; mungkin ia ~ pertolongan kita;*

**menghajati** mengharapkan, mengingini: *dia berharap apa yg dihajatnya akan berhasil;*

**menghajatkan** menghendaki, memerlukan: *anak itu sudah dewasa tidak ~ perlindungan orang tuanya lagi.*

**haji 1.** = *fardu* ~ rukun Islam yg kelima yg memerlukan seseorang Islam (yg cukup syaratnya) pergi ke Mekah dan melakukan beberapa ibadat yg berkaitan dgn fardu itu; *mengerjakan* ~ menunaikan fardu haji; **2.** orang yg berangkat ke Mekah utk menunaikan fardu haji; *jemaah* ~ rombongan orang yg pergi ke Mekah utk menunaikan fardu haji; *kapal* ~ kapal yg membawa jemaah haji ke Mekah; *Syeikh* ~ orang yg mengurus hal-hal dan keperluan-keperluan jemaah haji (sewaktu mereka sedang menunaikan fardu haji); **3.** gelaran atau panggilan bagi orang lelaki yg telah menunaikan fardu haji: *H~ Khairuddin;*

*bulan* ~ bulan Zulhijah; *fardu* ~ kewajiban menunaikan haji; *Hari Raya H~* hari besar Islam yg dirayakan pd 10 Zulhijah, hari raya Aidiladha; *naik* ~ pergi ke Mekah kerana menunaikan fardu haji; *rukun* ~ segala perbuatan yg mesti dilakukan supaya sah haji; *tabung* ~ a) kumpulan wang yg disimpan oleh bakal haji; b) bp = *Lembaga Urusan Tabung H~* perbadanan yg mengurus simpanan wang bakal-bakal Haji dan pemergian mereka ke Tanah Suci (Mekah);

~ *akbar (besar)* ibadat haji yg wukufnya jatuh pd hari Jumaat; ~ *badal* orang yg menunaikan fardu haji utk orang lain yg sakit dll; ~ *ifrad* haji yg diikuti dgn umrah sebaik sahaja selesai ibadah haji

dilaksanakan pd bulan haji; ~ *mabrur* ibadah haji yg dianggap sah, sempurna dan diterima Allah SWT kerana memenuhi segala rukun dan syarat (dapat mengekalkan sifat dan kelakuan yg baik dan terpuji selepas menunaikan haji); ~ *mardud* ibadah haji yg dianggap tidak sah dan tidak diterima Allah SWT (kerana sifat dan kelakuannya lebih buruk sebelum menunaikan haji); ~ *qiran* qiran; ~ *sunat* bp a) budak yg pergi ke Mekah mengikut orang naik haji ketika belum baligh; b) pergi naik haji sebelum baligh; ~ *tamatuk* haji yg dikerjakan setelah selesainya ibadah umrah pd bulan haji, dan dikenakan dam; ~ *widak* haji yg terakhir dikerjakan oleh Nabi Muhammad SAW sebelum wafat;

**menghajikan** menunaikan haji bagi pihak orang lain.

**hajib** Ar ark penjaga pintu.

**hajim** Ar tukang bekam.

**hak** **1.** (yg) benar, kebenaran: *katakanlah yg ~ walau pahit sekalipun; ajaran-ajaran yg ~ ajaran-ajaran yg benar; ilmu ~ taala* ilmu kebenaran (ilmu mengenai sifat Tuhan); **2.** kuasa atas sesuatu atau utk berbuat sesuatu (ditentukan oleh undang-undang, agama, adat istiadat, dll): *tiap-tiap anak ada ~ atas harta pusaka peninggalan bapanya; ia mempunyai ~ mempertahankan dirinya drpd serangan dan cacian*; **3.** milik, kepunyaan: ~ *orang jangan diambil; setelah ayahnya meninggal segala harta itu menjadi ~nya*; **4.** yg (mana satu): *awak mahu ~ itukah atau ~ ini?; berilah saya ~ merah itu;*  
~ *amendmen* hak mencadangkan pemindaan undang-undang; ~ *asasi* hak yg dasar atau pokok (spt hak bebas mengeluarkan pendapat, menganuti sesuatu agama, bergerak, dll); ~ *cipta* hak penguasaan yg dilindungi undang-undang atas seluruh atau sebahagian drpd hasil ciptaan seseorang pengarang (pencipta,

penggubah dll); ~ *dipilih* hak utk dipilih (dlm pilihan raya) utk menjadi wakil rakyat (ahli Parlimen); ~ *istimewa* hak yg diberi kpd kaum (golongan) tertentu sahaja; ~ *kuasa* hak utk menguasai (menentukan nasib dll); ~ *kuasa ibu* pertalian kekeluargaan dan pembahagian harta menurut nisab perempuan; ~ *luar* semangat hantu yg masuk ke dlm tubuh seseorang; ~ *membatalkan* hak utk membatalkan (memansuhkan) keputusan yg telah dicapai dgn suara terbanyak, kuasa pembatal, kuasa veto; ~ *mengundi* hak utk mengundi kerana memilih wakil rakyat (dlm Parlimen dll); ~ *mutlak* hak yg penuh ke atas sesuatu (hak yg tidak terbatas, bersyarat, atau berkecuali); ~ *pengarang* hak cipta; ~ *pilih* Id hak utk memilih wakil rakyat (dlm Parlimen dll); ~ *politik* hak mencampuri hal-hal dan urusan-urusan politik (spt giat dlm parti politik, menjadi calon dlm pilihan raya, dll); ~ *pusaka* harta yg dipusakai turun-temurun; ~ *sivil* hak warganegara utk mendapat layanan sama rata, mis utk mengundi atau mendapat pekerjaan; ~ *teradjudikasi* (Udg) hak yg telah diiktiraf dlm prosiding kehakiman dan pentadbiran; ~ *veto* hak membatalkan sesuatu keputusan, kuasa pembatal; *kalau tiada ~ sendiri, anak mata terdiri-diri* prb kalau kita tidak berwang tidaklah dapat memiliki atau menikmati sesuatu dan terpaksa merasa hampa sahaja;

**berhak** mempunyai hak, mempunyai kuasa (atas sesuatu): *seseorang anak ~ mewarisi harta peninggalan ayahnya; sifat Siddiq inilah yg menjamin bahawa hak dikembalikan kpd yg ~;*

**mengehakkan** memberi hak kpd, menentukan hak atas.

**hakaik** Ar (jamak bagi hakikat) kebenaran.

**hakam** Ar ark orang tengah, pendamai, wasit.

**hakat** Pk tamak, haloba.

**hakikat** Ar sesuatu yg tidak dapat ditiadakan atau dinafikan kebenaran, kenyataan: *kita tidak dapat menafikan ~ bahawa manusia semakin hari semakin saling bergantung antara satu sama lain; pd ~nya* sebenarnya, sesungguhnya: *pd ~nya kemunduran itu adalah akibat kemiskinan; syariat palu-memalu, ~ balas-membalas prb Mn* kebaikan hendaklah dibalas dgn kebaikan;

**menghakikatkan** menjadikan hakikat bahawa: *seseorang yg telah menerima dan mengaku dgn kerelaan hati dan ~ Allah sbg Tuhannya.*

**hakiki** Ar (yg) hak, (yg) benar, (yg) sebenarnya: *hidup yg ~ ialah hidup yg mempunyai tujuan untuk mencapai segala kesempurnaan; pd ~nya pd hakikatnya (sesungguhnya), sebenarnya; tugas ~ tugas yg* sebenarnya;

**kehakikian** keadaan (sifat dsb) hakiki, keadaan yg sebenarnya: *kritikan yg mampu memberi jawapan kpd soal-soal ~ hidup yg ketika itu terumbang-ambing oleh kekusutan;*

**penghakikian** perihal menghakikikan sesuatu.

**hakim I 1.** pegawai yg dilantik utk mengadili sesuatu perbicaraan dlm mahkamah: *~ yg membicarakannya mendapati dia bersalah dan menjatuhkan hukuman penjara; H~ Besar* ketua hakim; *menjadi ~ sendiri* melakukan sekehendak hati terhadap orang yg dianggap bersalah; *dihadapkan ke muka ~ dihadapkan ke mahkamah; 2.* orang yg dilantik mengadili sesuatu pertandingan (permainan dsb), pengadil: *tiga orang guru telah dilantik menjadi ~ dlm peraduan bahas antara sekolah-sekolah;*

**berhakim** menjadi hakim: *apabila berjanji mungkir, apabila ~ durjana; ~ kpd* minta pengadilan kpd: *marilah kita ~ kpd ketua kampung utk menentukan siapa salah siapa benar; ~ kpd* beruk

(*harta habis hajat tak sampai*) prb minta pengadilan kpd orang yg tamak, sudah tentu dapat kerugian;

**berhakimkan** menggunakan seseorang dsb sbg hakim: *oleh sebab tidak ada tempat utk membuat pengaduan apabila berlaku perselisihan, maka setiap keputusan akan hanya ~ diri sendiri;*

**menghakimi, menghakimkan** mengadili, mempertimbangkan (utk menentukan salah benar sesuatu atau seseorang): *hakim mahkamah tinggi ~ perkara-perkara besar spt perkara pembunuhan, penculikan, rompakan besar, dll;*

**kehakiman** segala hal yg berkaitan dgn urusan hukum (undang-undang) dan pengadilan: *jabatan ~; soal-soal ~; ~ semu perihal fungsi yg menyerupai atau seakan-akan fungsi kehakiman yg dijalankan menurut budi bicara pentadbiran, mis tribunal;*

**penghakiman** perihal (perbuatan dsb) menghakimi: *dapatkah kita menjamin keadilan sebenar sekiranya proses ~ masih menghadapi masalah kefahaman.*

**hakim II** Ar orang yg pandai-pandai, orang yg ahli (yg bijaksana).

**hakir** Ar; *al-* ~ orang yg hina.

**hakis; menghakis 1.** mengikis (dan menghanyutkan) permukaan tanah atau batu dll (oleh air, angin, dll) sehingga haus, rosak, musnah dsb: *angin saja tidak boleh ~ batu, tetapi angin yg mengandungi pasir halus dapat mengikis bahagian batu yg lembut; selepas tanah pantai dihakis oleh air, maka jelas kelihatan akar-akar lintang yg menegakkan akar-akar ceracak keluar;* **2.** menyebabkan (kuasa, moral, keyakinan dsb) semakin terjejas, berkurang, merosot, hilang dsb: *pelbagai amalan tidak sihat akan berlaku dan seterusnya ~ keyakinan pelabur; kenaikan kos ini akan hanya ~ kecekapan pengeluaran pertanian tempatan;* **3.** ki menjadi kurang (bkn nilai, harapan, keyakinan dsb), merosot,

menurun: *apabila tindakan mengenakan kadar faedah dilambatkan, keyakinan terus ~;*

**menghakiskan 1.** mengikis (dan menghanyutkan) permukaan tanah atau batu dll (oleh air, angin, dll) sehingga haus, rosak, musnah dsb: *pohon itu musnah disebabkan oleh ombak yg sudah banyak ~ tanah di sekitarnya;* **2.** menyebabkan (keuntungan, kuasa, moral, keyakinan dsb) semakin terjejas, berkurang, merosot, hilang dsb: *pengambilan untung selepas urus niaga berhenti rehat pd tengah hari telah ~ keuntungan terdahulu di BSKL;*

**terhakis 1.** dikikis dan dihanyutkan oleh air, angin, ombak dsb (bkn permukaan tanah, batu dsb): *perdu itu tumbang dan akhirnya ~ segala tanah; kejadian itu menyebabkan pantai ~ akibat dipukul ombak besar;* **2.** menjadi semakin berkurang (merosot, lenyap dsb): *pendapatan kerajaan negeri semakin ~ sedangkan perbelanjaan mengurus semakin meningkat; kedamaian kampung itu sudah mula ~ atas nama pembangunan;*

**hakisan** perihal menjadi terhakis;

**penghakisan** proses (perbuatan, tindakan dsb) menghakis atau menghakiskan: *kadar ~ tanah bergantung pd beberapa faktor persekitaran fizikal; keruntuhan akhlak dan ~ rasa hormat dan kasih sayang kpd orang tua semakin ketara.*

**Hakka** suku kaum Cina yg berasal dr utara Guangdong dan selatan Fukien di Negara China dan tinggal di merata tempat di dunia, juga dikenali sbg Khek.

**hak milik** kekuasaan utk memiliki sesuatu, pemilikan (kepunyaan) yg sah: *~ tanah mestilah dicatatkan di dlm buku pendaftaran ~; ~ mutlak hak milik yg penuh atas sesuatu;*



**mengihakmilikkan** menjadikan (mengambil sbg) hak milik:  
*kerajaan telah ~ tanah-tanah di kawasan itu.*

**hak negara** sesuatu yg merupakan milik atau kepunyaan negara;

**mengihaknegarakan** menjadikan milik negara;

**pengihaknegaraan** tindakan (perbuatan dsb)  
mengihaknegarakan.

**hal I 1.** keadaan, kejadian, peristiwa: *kita dapat mengetahui ~ keadaan di sekeliling kita dgn lima pancaindera kita; demikianlah ~nya (dgn) demikianlah keadaannya (dgn); lain ~ nya (dgn) lain keadaannya (dgn); 2.* masalah, perkara, soal, urusan: *ia tidak ada masa utk memikirkan ~ orang lain; pertanyaan itu biasanya mengenai ~ yg kurang difahami; seorang yg ahli dlm ~ bank; 3.* asal mula, kerana, sebab: *apa pula ~nya maka ia lambat datang; oleh ~ itu oleh sebab itu; 4.* = tentang ~ tentang, mengenai, darihal, perihal: *~ makanan binatang akan kita bicarakan nanti; majlis ceramah ~ pembangunan masyarakat luar bandar; 5.* sl daya, fikiran, ikhtiar, muslihat, dll: *apalah ~ku hendak berjumpa dgn suamiku: jikalau ia datang, apa ~ kita? 6.* halangan: *risiko dan kos tenteranya dlm peperangan tidak menjadi ~; 7.* perkara: *dlm ~ ini, mungkin terdapat perselisihan berhubung dgn matlamat dasar luar negara;*

*~ ehwal* berbagai-bagai hal (keadaan, perkara, dll); *ada ~ ada* sesuatu (yg terjadi, yg akan dibicarakan, dll); *ambil ~* mempedulikan; *membawa ~ (masing-masing)* dgn urusan sendiri-sendiri; *tidak jadi ~* tidak apa-apa (tidak keberatan dll);

**berhal** ada sesuatu hal (halangan, kesulitan, urusan, dll): *jika ada orang yg ~ dan minta pertolongan kepadanya maka diterimanya dgn senang hati; dia ~ sebab itu dia tidak dapat datang;*

**mengehalkan** **1.** mengisahkan, menceritakan (tentang): *kesemua majalah itu ~ filem*; **2.** memperlakukan: *hai Rawana, apa juga engkau pohonkan kpd Allah, maka engkau ~ dirimu demikian ini*;  
**terhal** terhenti kerana halangan (terhalang, tertahan, dll): *perkara itu sudah lama ~*.

**hal II** Id bp besi nipis berlapis zink.

**hala I** arah, tuju: *sungainya kecil mengalir ~ ke pantai*; *mereka mempunyai ~ perjalanan yg berlainan*; *tidak tentu ~ tidak berketentuan (tidak tentu arah, haru-biru)*;

**berhala** berarah;

**menghala** menuju, mengarah: *terbang ~ ke utara*;

**menghalakan** mengarahkan, menunjukan: *pendekatan ini ~ perhatian pengkaji kpd usaha mencari maklumat tertentu*; *maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam*.

**hala II**; *~kebala* Kl, bp biarkan(lah), lupakan (lah), maafkan(lah): *~lah, jangan diingat-ingatkan lagi perkara itu*.

**halai**; *~balai* a) kacau-bilau, kusut (tidak ketahuan); b) tidak terpelihara (terselenggara, terbela, dll), terlantar, terbiar;

**menghalai-balaikan** **1.** mengacaukan, mengusutkan; **2.** mengabaikan, melalaikan, mensia-siakan: *hanya saya berharap supaya Balai Pustaka jangan dihalai-balaikan*.

**halaju** kecepatan gerakan, kadar kecepatan; *~ pusingan wang* kadar kecepatan wang bertukar tangan (dlm sesuatu masyarakat atau negara).

**halakah** Ar lingkungan, gelanggang, kalangan.

**halal** **1.** hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dlm Islam), diperbolehkan (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan, dibenarkan, lwn haram: *makanlah makanan yg ~ dan minumlah minuman yg ~*; *daging lembu ~ dimakan oleh orang-orang Islam*; *~ nikah*

dibenarkan menikahi seseorang; **2.** ki (yg diperdapat, diperoleh atau diperbuat) dgn jalan yg sah: *anak ~; wang ~*; **3.** ark ampun, maaf, (me)relakan: *yg hutang tuan hamba sekati emas itu ~lah dunia akhirat*; **4.** ark izin: *menyembah minta ~lah segala pengajarannya*;

**menghalalkan** **1.** membenarkan (membolehkan, memperkenankan, mengizinkan), memandang atau menganggap halal: *adalah salah besar ~ sesuatu yg haram; ada kemungkinan besar bahawa kegiatan tersebut yg selama ini diharamkan di negeri itu akan dihalalkan*; **2.** menganggap selesai atau jelas (hutang dll): *baki hutangnya itu sudah dihalalkan*;

**kehalalan** perihal (sifat, taraf, dsb) halal: *kalau hati masih waswas tentang ~nya, apa yg kita makan itu akan menjadi haram*;

**penghalalan** perbuatan dsb menghalalkan, perihal menjadikan halal atau sah: *Marx mengambil ideologi borjuis sbg satu gambaran sistem, idea, despotisme moden mencari ketaakulan dan ~ menjalankan kuasa*.

**halalbihalal, halal-bilhalal** Ar maaf-maafan pd hari raya: *setiap tahun diadakan malam ~ oleh perkumpulan ini; pertemuan ~ majlis keramaian (pertemuan) utk bermaaf-maafan pd hari raya*.

**halaman** **1.** perkarangan rumah, tanah (kawasan lapang) di hadapan rumah; *kampung ~ kampung tempat kelahiran*; **2.** muka buku (majalah, surat khabar, dll): *berita itu tersiar di ~ depan surat khabar hari ini; ~ kanak-kanak* ruangan (muka berita dll) khas utk kanak-kanak.

**halamang** sj pedang pendek yg lurus; **lamang**.

**halang; menghalangi, menghalang-halangi, menghalang** merintang, menahan, menyekat menegah: *beting pasir ~ air mengalir ke laut*;

*kerana banyak sangat perkara yg menghalang maka pertemuan itu ditangguhkan;*

**menghalangkan** meletakkan sesuatu melintang;

**terhalang** mendapat rintangan (halangan dll), tertahan (tertegang, terganggu, terhambat): *pembinaan jalan ~ kerana musim hujan;*

**halangan** **1.** aral, gangguan, rintangan, tegahan: *biasanya yg menjadi ~ dlm menjalankan pekerjaan tangan ialah kekurangan perkakas;* **2.** baluk (batang kayu dll) yg merintang jalan, sungai dll, beting pasir yg melintang di kuala sungai: *segala ~ di jalan telah dimusnahkan;*

**berhalangan** **1.** mendapat aral (rintangan), menghadapi atau mengalami sesuatu yg menghalang (seseorang dll): *jika tidak ~, esok saya akan datang;* **2.** sedang dlm keadaan berselisih (bermusuhan);

**penghalang** sesuatu (alat atau orang) yg menghalang, penyekat, perintang, dll: *anak-nyalah yg menjadi ~; batu ~ sesuatu yg menjadi perintang.*

**halap** → **alap I.**

**halau; menghalau** **1.** melakukan sesuatu yg mengarahkan binatang menuju ke sesuatu tempat, menggiring: *~ lembu masuk kandang;* **2.** = **menghalaukan** mengenyah(kan), mengusir: *tangannya bergerak-gerak spt orang ~ nyamuk; maka Maharaja Isap dihalaukan oleh Tun Kecil;*

**penghalauan** perihal atau perbuatan menghalau, pengusiran, pengeyahan;

**penghalau** **1.** orang yg menghalau; **2.** alat utk menghalau.

**halba, halbah** sj tumbuhan (herba yg bijinya dibuat ubat atau digunakan sbg rempah), kelabat, *Trigonella foenumgraecum.*

**halban, haleban 1.** sj tumbuhan (pokok), gading kahwa, pokok galang dapur, *Vitex longisepala*; **2.** sj tumbuhan (pokok), leban (bunga, hitam, kunyit, nasi-nasi, tanduk), *Vitex pubescens*.

**haleja** (haléja) → **leja**.

**halia** sj tumbuhan (rizom yg umbinya pedas), jahe, *Zingiber officinale*; ~ *hantu* = ~ *hutan* = ~ *kera*, sj tumbuhan (herba), lidah hantu, meroyan tunggal, puar birah, *Globba panicoides*.

**halian** Kl ketua (kumpulan orang jahat).

**halibut** sj ikan laut, *Hippoglossus spp.*

**halilintar** mata petir, kilat.

**halim** baik budi, lemah-lembut, tidak lekas marah: *perangainya sangat* ~.

**halimbubu** Mn pusingan angin.

**halimun 1.** (Sunda) kabus; **2.** = **halimunan** tidak dapat dilihat; *orang halimunan* orang bunian; *doa (ilmu) halimunan* jampi yg menjadikan seseorang tidak dapat dilihat orang.

**halipan** → **lipan**.

**halir** sj tumbuhan (herba), akar keremak, daun patuk tuau, *Ruellia repens*.

**halis** Br garisan buih yg terjadi pd tempat pertemuan dua arus.

**halitosis** (Ubat) nafas berbau.

**halkah, halkat** Ar gelang (kaki), gelang-gelang (pintu dll).

**halkum 1.** kerongkong; **2.** hujung kerongkong yg nampak tersembul di leher; *biji* ~ buku leher, lekum.

**halo I** bp helo.

**halo II** (Fiz) lingkaran cahaya yg muncul di keliling sesuatu objek yg bercahaya, terutamanya matahari dan bulan, semasa cuaca berkabus.

**haloba** sentiasa ingin mendapat (memiliki) banyak-banyak, tamak;  
*tamak* ~ tersangat tamak;

**kehalobaan** ketamakan: *segala penderitaan, ~ dan kecurangan yg saya alami tidak terkikis utk beberapa lama; loba.*

**halofit** (Bio) tumbuhan, mis pokok bakau, atau hidupan seni yg dapat hidup di kawasan yg kadar kandungan garamnya tinggi, spt di paya laut dan dekat muara sungai.

**halogen** (halogén) (Kim) salah satu drpd lima unsur kimia bukan logam, iaitu fluorin, klorin, bromin, iodin, dan astatin.

**halte** IB, bp tempat perhentian bas (kereta api, dll).

**halter** IB sebatang besi yg berbola pd kedua-dua hujungnya (alat utk bersenam).

**haluan 1.** bahagian depan perahu (kapal, bot dsb), lwn buritan: *ia berdiri di ~ perahu; angin* ~ angin yg datang dr depan (perahu dll); **2.** yg terdahulu atau terdepan: ~ *kata kata pendahuluan*; **3.** arah, hala, jurusan: *mereka lari lintang-pukang tiada tentu ~nya; mengambil* ~ mengarah ke; *mengubah* ~ mengubah arah; **4.** cita-cita, maksud, tujuan: *engkau datang ke negeriku ini apatah ada ~mu; berpaling* ~ mengubah sikap dll; *menukar* ~ a) mengubah arah; b) menukar cita-cita (maksud, tujuan); **5.** bahagian sebelah hadapan tubuh manusia, bahagian tubuh binatang dekat dgn kepalanya; ~ *dempak* = ~ *pepat* = ~ *tegak* haluan yg pepat; ~ *hidup* cita-cita hidup; ~ *politik* arah tujuan politik; ~ *sembah* NS pegawai yg menjadi perantaraan bagi orang yg hendak menghadap raja (undang);

**sehaluan** searah, secita-cita, setujuan: *mereka nampaknya ~ dan sefahaman;*

**berhaluan** mempunyai haluan: *parti politik yg ~ kanan;*

**menghaluankan** mengarahkan, mencita-citakan, menunjukan.

**halus** **1.** tidak besar (kasar), kecil-kecil: *tepung yg ~; daging itu dicencang ~; gula ~; garam ~*; **2.** sangat kecil ukuran kelilingnya (bkn jarum, benang, dll), lwn kasar: *dawai yg ~*; **3.** tidak kesat (kasap), lembut, licin: *kulit mukanya ~; papan itu diketam sehingga ~*; **4.** berbudi bahasa yg baik, beradab, bersopan-santun: *budi pekerti yg ~; dgn lemah-lembut lagi ~ ia mengeluarkan kata-katanya*; **5.** kelihatan elok dan rapi (hasil drpd kerja yg teliti), sempurna (hasilnya): *raga itu ~ buatannya*; **6.** dgn teliti, dgn cermat atau hati-hati, secara terperinci: *perkara ini telah aku fikirkan masak-masak, aku kaji ~-~*; **7.** tidak langsung atau terang-terangan tetapi dalam atau tajam maksudnya (bkn percakapan, sindiran, dll); *sindiran yg ~ sindiran yg tidak terang-terang (tersembunyi atau secara berkias); perintah ~ perintah dlm bentuk nasihat (tidak terang-terang)*; **8.** tidak garau tetapi tinggi (bkn suara dll): *suaranya ~*; **9.** tidak dapat dilihat (diraba) spt roh; *orang ~ orang bunian; suara ~ a) suara yg tinggi; b) ilham*;

**halus-halus** dgn meneliti segala butir yg berkaitan, dgn teliti, secara terperinci: *undang-undang yg telah didebat serta difikir ~ oleh ahli-ahli parlimen yg dipilih oleh rakyat*;

**berhalus** (bercakap dsb dgn) bersopan-santun, berlembut: *kalau bercakap biarlah ~ sedikit*;

**menghalusi** **1.** memperlakukan dll dgn halus (tidak dgn keras dll): *budak nakal itu tidak boleh dihalusi sepanjang masa*; **2.** menipu dgn cara yg sangat licin; *~ musuh menipu musuh*; **3.** mengkaji (menyiasat, menyelidiki, memeriksa) dalam-dalam atau secara terperinci: *perkara itu tidak perlu dihalusi lagi; sesudah kita rakamkan rumus-rumus yg di atas, kita perlu ~ beberapa perkara lagi*;

**menghaluskan** menjadikan halus;

**memperhalus** **1.** menjadikan lebih halus: *ia ~ alis matanya*; **2.** menjadikan lebih sempurna: *cara penyampaiannya perlulah diperhalus, disisip dan dijalin melalui bahasa atau dialog yg menarik*;

**kehalusan** keadaan yg halus (perbuatan, sifat dll): *~ bahasa*;

**penghalusan** perihal (perbuatan dsb) menghalusi, menghaluskan, atau memperhalus.

**halusinasi** pengalaman seolah-olah dapat melihat, mendengar atau menyentuh sesuatu yg sebenarnya tidak wujud akibat gangguan kesihatan (fikiran) atau pengambilan dadah: *penggunaan dadah boleh menyebabkan penggunanya mengalami ~*;

**berhalusinasi** mengalami halusinasi: *dia meracau-racau dan ~ bertemu dgn manusia zaman purba*.

**halusinogen** sj dadah yg menyebabkan halusinasi.

**halwa** **1.** buah-buahan yg direndam dlm air gula, manisan buah-buahan: *~ belimbing*; *~ betik*; *~ pala*; **2.** penganan yg manis; *~ maskat* sj penganan (dibuat drpd tepung gandum, minyak sapi, gula, dll); **3.** ki sesuatu yg menyedapkan (mata, telinga, dll): *~ mata* sesuatu yg menyedapkan pandangan; *~ nikmat* berbagai-bagai penganan (benda yg lazat-lazat); *~ rambut* sj gula-gula yg menyerupai kapas (biasanya berwarna merah jambu), alusmitai; *~ telinga* sesuatu yg menyedapkan pendengaran (spt lagu, qasidah, dll).

**ham** daging paha babi yg dimasinkan, dikeringkan, atau disalai.

**hama** **1.** kutu pd ayam; **2.** penyakit tumbuh-tumbuhan: *~ padi*; **3.** = *~ penyakit* kuman penyakit; *kena ~* kejangkitan kuman penyakit; **4.** bp sesuatu yg sangat kecil atau sedikit: *se~ pun sayangkanku tak berubah*;

**berhama** ada hama pd tubuhnya (bkn ayam).



**hamam** Ar tempat mandi (dgn air panas).

**hamba I** **1.** abdi, budak belian, sahaya; **2.** saya (utk merendahkan diri): ~

*dengar tadi encik mengatakan encik berniaga di Singapura; tuan*

~ (sbg menghormati orang yg dilawan bercakap) tuan; **3.** ya, tuan

(disebut ketika menjawab pertanyaan dsb); **4.** (Komp) peranti yg

dikuasai atau dikawal oleh peranti lain;

~ *Allah* manusia; ~ *bas* (Komp) peranti yg ditetapkan utk bertugas

menerima atau menghantar data dari atau ke peranti yg bertindak

sbg pengawal bas dlm komputer; ~ *hukum* Id polis; ~ *raja* a) abdi

raja; b) bentara raja; ~ *sahaya* berbagai-bagai hamba, segala

hamba; ~ *seks* perempuan yg dipaksa melayan keinginan nafsu

seks lelaki; ~ *tebusan* budak belian; ~ *tuan* saya (utk merendahkan

diri);

**berhamba** **1.** memiliki (mempunyai) hamba: *ia ~ dua orang*; **2.**

menjadi hamba (abdi): *mereka datang menyerahkan diri kpd*

*baginda dan ~ kepadanya*; **3.** menyebut dirinya hamba: *ia tidak*

*lagi ~ tuan ketika bercakap*; **4.** bersama-sama dgn hamba: *dibawa*

*lari periuk nasi itu lima ~*;

**menghamba, menghambai** mengabdikan (kpd): *kasih itu jangan*

*melampau-lampau sehingga ~ diri sendiri*;

**menghambakan** **1.** menjadikan hamba: *ia sedar bagaimana*

*pengaruh wang boleh ~ orang; penghulu itu ~ orang kampung*; **2.**

memperhambakan;

**memperhamba** memperlakukan sbg hamba;

**memperhambai** mengabdikan kpd;

**memperhambakan** menjadikan diri sendiri atau seseorang lain

sbg hamba kpd, mengabdikan: *ia telah ~ dirinya kerana kasihnya*

*kpd laki-laki itu*;

**diperhamba** = yg ~ hamba tuan(ku), patik, saya: *yg titah itu atas kepala patik yg ~;*

**kehambaan** keadaan menjadi hamba: *syarat atau asas perkenalan sesama manusia termasuklah patuh, taat, dan mengaku ~ kpd Allah;*

**perhambaan** perihal menjadi hamba (berhamba), perbudakan: *Islam sama sekali tidak menggalakkan ~;*

**penghambaan** perihal atau perbuatan menghamba.

**hamba II;** (*burung*) ~ *keras* a) sj burung, burung anting-anting, *Dissemurus paradiseus malayensis*; b) sj burung, burung sawai, *Surniculus m. malayanus*.

**Hambali;** *mazhab* ~ satu drpd empat mazhab yg teraku dlm agama Islam (didirikan oleh Imam Ahmad bin Hanbal).

**hambar 1.** tidak ada rasa, tidak berasa masin sedikit pun, tawar; **2.** dingin, acuh tak acuh, tidak bersemangat: *suaranya ~; terhadap suaminya ia mengambil sikap yg ~ sahaja;*

**menghambar** menjadi tawar (dingin, tidak bersemangat): *pergaulan mereka suami isteri mungkin ~ jika tidak ada anak-anak yg mengikat perhubungan mereka;*

**menghambarkan** menjadikan hambar: *adakah jurujual menghilangkan minat pelanggan dan ~ keyakinan mereka ?;*

**kehambaran** rasa hambar, rasa tawar: *pd mulanya memang ada sedikit prasangka tentang ayam luar negeri mungkin kerana ~nya.*

**hambat I;** **berhambat-hambat, berhambat-hambatan** berkejar-kejaran: *lari ~;*

**menghambat, memperhambat 1.** memburu, mengejar (kerana hendak menangkap atau menyerang dll): *ia ~ binatang itu sekuat-kuatnya; Peringgi pun pecahlah lalu lari ke air diperhambat oleh*

*orang Melaka; 2. memikat (hati), menawan (hati): anak yg kecil itu ~ hati ibunya.*

**hambat II; menghambat** menahan, menghalang, menyekat, merintang: *pertempuran satu lawan satu telah ~ kemajuan tentera Jepun; kapal perang itu telah ~ pelayaran kami; Islam tidak akan ~ kemajuan kerana apa yg dikaitkan dgn kemajuan juga dibendung oleh hukum-hukum alam yg mengikut kehendak Allah;*

**terhambat** terhalang, tertahan: *keindahan alam tidak dapat dilihat kerana ~ oleh kabut yg tebal;*

**hambatan 1.** halangan, rintangan, sekatan: *halangan dan ~ yg mempengaruhi mutu pengajian bahasa Melayu; 2. penghalang, pengempangan (kayu dll);*

**penghambatan** perihal atau perbuatan menghambat, penghalangan, perintang;

**penghambat** sesuatu yg menghambat, penghalang, perintang, penyekat.

**hambung; menghambungkan 1.** melambungkan, melemparkan ke atas, mengangkat ke atas; **2. = menghambung-hambung, menghambung-hambungkan** mengangkat-angkat, menjunjung-junjung, memuji-muji.

**hambur I; berhamburan 1.** bertaburan merata-rata (ke sana sini): *padi ~ dr guni yg bocor; 2. berselerak, berserak-serak, bersepah-sepah; 3. ki bercucuran, berderai-derai (air mata): ia tidak berkata apa-apa pun hanya air matanya sahaja yg ~;*

**menghamburi** menaburi, menyebar pd: *setelah mayat dimakamkan kubur pun dihamburi bunga;*

**menghamburkan 1.** menaburkan, menebarkan, menyebar(kan): *ia ~ pasir dlm lori ke atas tanah yg sedang ditambak; ~ jala; 2. membuang-buang, memboroskan (wang dll): kerjanya ~ wang*

*sahaja*; **3.** mencurahkan, mengeluarkan (dgn banyak): ~ *air mata*;  
~ *kata-kata* mengeluarkan kata-kata dgn banyak (memarahi dll);

**terhambur** tertabur, tersebar, terselerak: *apabila ruangan debunga pecah debunganya pun ~ keluar*;

**hamburan** sesuatu yg dihamburkan;

**penghamburan** perihal (perbuatan dsb) menghamburkan: ~ *perasaan*.

**hambur II; berhamburan** berterjunan, berlompatan ke bawah: *segala hulubalang Peringgi pun pecahlah ~ lalu ke air*;

**menghambur** terjun, melompat (ke bawah): *ia pun ~lah spt harimau yg pantas dr perahu ke jambatan*;

**menghamburi** melompat, menerjuni, menerkami: *ia berdiri lurus, kemudian melonjakkan badannya ~ laut itu*;

**menghamburkan** melompatkan, menerjunkan: *tetak tinggi diendapkan, ketak rendah dihamburkan*: ~ *kuda* melompatkan kuda.

**hamburger** daging kisar berperasa rempah dan berbentuk bulat leper yg biasanya digoreng dan dimakan dgn roti, sos dsb.

**hambus; berhambus, menghambus** bp pergilah, nyahlah: *biarkan dia ~; pergi ~ dr sini; menghambuslah engkau cepat-cepat*.

**hamik** Ar ark bebal, bodoh, dungu.

**hamil 1.** mengandung, bunting: *maka raja perempuan pun ~lah, setelah genap bulannya maka beranak seorang laki-laki*; **2.** kandungan: ~ *perempuan itu terlalu besar*;

**menghamili** menyebabkan seseorang mengandung: *selepas ia ~ isterinya ia pun tak pulang-pulang; Khun Rea menyebarkan fitnah menyatakan Tok Raja ~ Sucinda*;

**menghamilkan 1.** membuntingkan, mengandungkan (dlm keadaan pd ketika bayi dalam kandungan): *perempuan itu sangat sihat ketika ~ anak sulung*; **2.** menghamili;

**kehamilan** keadaan hamil, masa sedang hamil: *bilangan wanita yg berjumpa dgn doktor dan bidan pd awal ~ sedang bertambah di Malaysia*;

~ *ektopik* (Ubat) kehamilan di luar rahim; ~ *palsu* keadaan wujudnya tanda-tanda kehamilan spt tidak datang haid dan perut yg membesar tetapi tidak ada janin akibat adanya tumor atau ketidakseimbangan hormon;

**penghamilan** perihal menghamilkan.

**haminte** IB bandar, kota praja, kota besar.

**hamis** busuk spt bau kambing (terutama dagingnya) atau bau lembu (peluh dsb);

**kehamisan** perihal hamis, bau hamis: ~ *daging kambing dapat dihilangkan dgn mencucinya dgn tepung gandum*.

**hamlak, hamlar, hamlau** Pn pelawak.

**hampa 1.** kosong, tidak berisi: *ketika pagi hari dilihatnya lukahnya ~; padi yg ~ itu dibuangkan*; **2.** = ~ *hati* ki kecewa: *alangkah ~ hatinya apabila orang yg ditunggunya tidak kunjung tiba*; **3.** ki tidak ada hasil, sia-sia, gagal: *rombongan peminangan itu pulang dgn ~ kerana peminangan mereka ditolak; dgn tangan ~ tidak berhasil, tidak mendapat apa-apa*; **4.** ki tidak berilmu, bodoh, dungu: *tidak ada gunanya bertanya pd orang yg ~;*

~ *beras* butir-butir padi yg tidak berisi; ~ *berat* padi yg tidak cukup penuh isinya (hujung padi); ~ *hati* gagal, kecewa; ~ *udara* Id tidak berisi udara; *yg ~ biar terbang yg bernas biar tinggal prb yg tidak berguna itu biarlah hilang tetapi yg baik biarlah tinggal*;

**berhampa**; ~ *tangan* tidak mendapat apa-apa (hasil);

**menghampakan** 1. mengosongkan: *perahunya itu dihampakannya dan diperbaikinya*; 2. membiarkan (pulang dll) dgn tangan hampa, mengecewakan; 3. menimbulkan rasa hampa: *mati yg ~*;

**kehampaan** 1. perasaan kecewa (kerana tidak mendapat, menemui, mencapai dsb sesuatu yg dihajati atau dicita-citakan), kekecewaan: *kebanyakan para orientalis menyatakan ~ mereka terhadap kekurangan tradisi kesusasteraan Islam; ia pergi dlm ~*; 2. ki ketiadaan pengetahuan, kebodohan, kedunguan.

**hampa gas** ruangan yg kosong drpd sebarang jirim, vakum; ~ *separa* ruang(an) yg sebahagian drpd isinya (gas) telah dikeluarkan.

**hampai** Mn; **menghampaikan** menyampaikan, menyidai, menghamparkan; ~ *sayap* mengharapakan bantuan (menggantungkan nasib).

**hampang; menghampang** sl menyekat, menghalang: *inang berdiri ~ di pintu*; → **empang I**.

**hampar; batu** ~ batu besar yg rata lagi lebar;

**menghampar** 1. terbuka luas, terpapar: *tanah sawahnya rata bagai tikar ~*; *padi ~* pokok padi sedang tumbuh yg merata nampaknya; 2. membentangkan (tikar dll): ~ *permaidani*; 3. ki membentangkan, menerangkan (dgn panjang lebar): *ia ~ soal itu di dlm mesyuarat*;

**menghampari** membentangkan (tikar dll) di atas sesuatu (spt lantai dsb): *lantai pelupuh itu dihampari dgn tikar pandan putih*;

**menghamparkan** 1. membentangkan (tikar dll): *sehelai kertas dihamparkan utk alas*; 2. ki membentangkan, menerangkan (dgn panjang lebar);

**terhampar** 1. terbentang, terbuka luas: *tanah seberang itu pasirnya terlalu putih spt kain ~*; *di lantai ~ permaidani yg indah*;

2. sl bertaburan (bertebaran dll) merata: *darah pun banyak ~ di bumi; barang-barang mereka semuanya ~;*

**hamparan 1.** sesuatu yg dihamparkan (spt permaidani, tikar, dll);

**2.** sesuatu yg kelihatan terhampar atau terbentang luas (spt sawah padi, pantai, dsb): *~ sawah padi yg menguning; ~ elektronik lebar atau helaian kerja saintifik (dgn ruang yg tersusun mengikut baris dan lajur) yg dicipta, diolah, dan dipaparkan oleh komputer;*

**sehamparan** satu hamparan: *orang Sepanyol memiliki ~ tanah yg luas dgn hak memugut pajak dan ufti.*

**hampas 1.** sisa benda yg telah diambil patinya (airnya, isinya): *~ kelapa;*

*~ kopi; ~ tebu; ~ lanar tahi bijih (lodak); 2.* tidak berguna, sia-sia:

*~ sungguh budak ini, satu kerja apa pun tak boleh diharapkan;*

*spt tebu, air dimakan ~nya dibuang prb perihal gadis ditinggalkan setelah dirosakkan; umpama memerah nyiur, santan diambil ~nya dibuang prb perihal mendengar nasihat orang yg baik diambil, yg tidak baik dibuang.*

**hamper** sj bakul besar berisi pelbagai barang makanan (biasanya diberikan sbg hadiah).

**hampir 1.** berdampil (dgn seseorang), berdamping (dgn seseorang), dekat, rapat: *marilah anakanda ~ dgn ayahanda; ~ kpd mendekati;*

**2.** tidak jauh (bkn jarak, perhubungan), dekat, rapat: *Petaling Jaya bandar yg ~ sekali dgn Kuala Lumpur; Nabi Muhammad SAW mula-mula menyampaikan ajaran Islam kpd orang yg paling ~ dengannya iaitu isterinya Khadijah;*

**3.** kurang sedikit drpd (waktu, bilangan berikutnya, kuantiti, jumlah seluruhnya), dekat: *carilah hingga sen yg ~ sekali bunga biasa di atas RM 760 bagi tempoh 80 hari dgn kadar 3 % setahun; sudah ~ setengah jam dia menunggu di situ ; ~ seratus orang hadir dlm majlis itu; mangkuk getahnya ~ penuh dgn susu getah;*

**4.** nyaris, sedikit lagi akan ....: *~*

*mati nyaris mati; 5. tidak lama lagi akan, dlm sedikit masa lagi: sekolah sudah ~ dibuka; ~ siap dibina; ~ selesai;*

*~ gurun (Geog) (kawasan, daerah) yg berhampiran (dan keadaan iklimnya hampir sama) dgn gurun; wang ~ (Eko) harta yg mudah dijadikan wang;*

**hampir-hampir** akan berlaku sesuatu, nyaris-nyaris, cemas-cemas: *masih sempat menyelamatkan isterinya yg ~ tenggelam itu; mereka ~ sepakat;*

**hampirkan** hampir akan;

**berhampiran** = ~ dgn berdekatan (dgn), tidak berapa jauh (dr): *pulau-pulau yg ~ dgn Australia; sungai yg ~ dgn rumah;*

**menghampiri** mendekati, datang mendekati, merapati: *perempuan itu datang ~ saya;*

**menghampirkan** mendekatkan, mendampirkan, merapatkan: *maka usungan pun dihampirkan orang;*

**terhampir** terdekat;

**hampiran** tempat yg dekat, dekatan;

**kehampiran** perihal (keadaan, kedudukan, dsb) hampir atau dekat dgn;

**penghampiran** proses (hal) menghampirkan atau menghampiri sesuatu: *alam nyata ini boleh diketahui melalui proses ~.*

**hamput I; berhamput** bkn bersetubuh, melakukan jimak, berjimak.

**hamput II** bp maki, marah, hamun: *tiap-tiap hari ia kena ~;*

**menghamput** memaki, memarahi, menghamun: *ia dihamput oleh orang tua yg naik radang itu.*

**hamster** sj binatang kecil seakan-akan tikus yg dipelihara di rumah sbg binatang kesayangan.

**hamud** Id asid, asaman.



**hamun** caci, kutuk, maki, sumpah seranah: *maki* ~ berbagai-bagai makian;

**berhamun-hamun** memaki-maki;

**menghamun, menghamuni** mencaci maki, menyumpahi: *bapanya* ~ dan memaki dia.

**hamzah** **1.** huruf ke-28 abjad Arab; **2.** huruf ke-33 abjad Jawi.

**hana** Mn kosong (tidak didiami orang), luas dan sepi (hutan dll);

*lapang* ~ luas; *rimba* ~ rimba raya (belantara).

**hanacaraka** aksara bahasa Jawa.

**Hanafi**; *mazhab* ~ satu drpd empat mazhab yg teraku dlm agama Islam (didirikan oleh Imam Abu Hanifah).

**hancing** (bau, berbau) busuk spt bau air kencing, haring;

**menghancingkan** menyebabkan berbau hancing, mengharingkan;

**kehancingan** perihal hancing, bau hancing, keharingan.

**hancur** **1.** pecah menjadi kecil-kecil (berserpihan, berkecai-kecai), remuk: *rumahnya* ~ kena bom sewaktu perang dahulu; *tubuhnya* ~ dan isi perutnya terburai akibat kemalangan itu; **2.** pecah berderai-derai (bkn benda-benda rapuh spt biskut dll), relai: *biskut di dlm tin itu* ~ apabila tinnya jatuh terhempas ke lantai; **3.** menjadi cair, melarut, encer: *ketul ais mudah* ~; *istana itu terbakar dan timah atapnya* ~ turun spt hujan; **4.** pecah kecil-kecil atau halus-halus (kerana ditumbuk, dikisar, dikunyah, dsb): *makanan yg* ~ senang dihadam; **5.** ki sedih sekali, putus asa: ~ *rasa hatinya*; ~ *hati* terlalu sedih; **6.** ki rosak binasa, cerai-berai, tidak bersatu (kukuh dll): *kerana dia, rumah tangga kita menjadi* ~; *negara akan* ~ jika rakyatnya tidak bersatu padu; **7.** hilang atau tidak ada sama sekali (kepercayaan, harapan, dsb), lenyap: *kepercayaanku kepadanya sudah* ~ dan tidak mungkin dapat dipulihkan kembali;

**menghancurkan** **1.** menjadikan hancur (pecah berserpihan, remuk), meremukkan: *letupan bom itu telah ~ kubu pertahanan mereka*; **2.** menjadikan hancur (pecah berderai-derai, relai), merelaikan (biskut dsb); **3.** menjadikan hancur (makanan): *~ makanan utk bayi*; **4.** menjadikan cair, melarutkan, mengencerkan: *bijih yg digali itu dihancurkan supaya timahnya dapat dikumpulkan; gula itu dihancurkan di dlm air yg panas*; **5.** ki merosakkan, membinasakan: *perang besar akan ~ dunia; ~ hati ki sangat menyedihkan hati, meremukkan hati*; **6.** menghilangkan sama sekali (kepercayaan, harapan, dsb), melenyapkan: *perbuatannya menggelapkan wang itu telah ~ kepercayaan saya kepadanya*;

**hancuran** **1.** pecahan kecil-kecil, remukan: *sungai itu menghanyutkan ~ berbagai-bagai jenis batu-batan*; **2.** larutan, enceran: *sungai itu menghanyutkan ~ berbagai-bagai jenis batu-batan*;

**kehancuran** perihal hancur (rosak binasa), kebinasaan, kemusnahan: *~ rumah tangga; ~ ekonomi negara*;

**penghancuran** perihal (perbuatan dsb) menghancurkan;

**penghancur** **1.** sesuatu yg digunakan utk menghancurkan sesuatu: *gigi sbg alat ~ makanan; mesin ~ batu*; **2.** orang yg menghancurkan (merosakbinasakan, memusnahkan): *dialah ~ kebahagiaan rumah tangga kami; merekalah petualang negara, ~ keamanan negara ini*.

**hancur lebur** hancur sama sekali (perasaan dll);

**menghancurleburkan** menghancurkan atau membinasakan sama sekali, merosakbinasakan, menjahanamkan, menghancurmusnahkan: *dgn keris dan lembing di tiap-tiap tangan datuk-datuk itu kita dapat ~ segala seteru kita; namun negara kita*

*setakat ini terus berjaya menghindarkan masalah perkauman drpd meletus menjadi satu ledakan yg boleh ~ negara.*

**hancur luluh** hancur sama sekali, hancur lebur;

**menghancurluluhkan** menghancurkan atau membinasakan sama sekali, menghancurleburkan.

**hancur musnah** hancur sama sekali, rosak binasa;

**menghancurmusnahkan** menghancurleburkan, merosakbinasakan: *kenapa kebahagiaan bapak dihancurmusnahkan oleh orang lain?*

**handai** kawan, rakan, sahabat, teman: ~ *taulan* = *sahabat* ~ teman-teman, kawan-kawan, rakan-rakan;

**berhandai-handai** berkawan-kawan, bergaul: *Ali dan adiknya yg perempuan sudah dibiarkannya ~, bersenda-senda, dan bercengkerama; kalau sudah penat, barulah mereka duduk di pelantar sambil ~ dgn riang.*

**handal** 1. boleh diharap (dipercayai) setia; 2. kenamaan, bijak, gagah, cekap, pandai: *pemain bola yg ~*; 3. amat baik (dlm sesuatu kemahiran dll): *Dozy ~ dlm bahasa Arab*;

**handalan** yg handal: *pahlawan ~*;

**kehandalan** 1. keadaan handal, kesetiaan; 2. kecekapan, kepandaian: *cerita perjuangan Hang Tuah dan ~nya.*

**handam**; ~ *karam* rugi sehingga habis modal.

**handasah**; *ilmu* ~ ilmu ukur tanah.

**handing** Kl, Tr; **menghanding, menghandingkan** membuang atau melempar sesuatu yg berat (kerana marah dll).

**handuh; menghanduh** Kd memukul, menetak (dgn kuat), menghentam.

**handuk** IB tuala.

**Hang I** gelaran orang lelaki zaman dahulu: ~ *Tuah*; ~ *Jebat*.

**hang II** Kd, Pl, Pn bp awak, engkau (utk yg sama taraf): ~ *ni nak melawak saja.*

**hang III** Kd tempat perlindungan pemburu binatang buas (yg dibuat di atas pokok), ran.

**hangar** bangunan tempat menyimpan dan menyelenggarakan kapal terbang.

**hangat 1.** panas api (bukan panas matahari): *air ~; besi ~;* **2.** terlebih timbangan drpd yg sebenarnya: *timbangannya biar ~ jangan kurang;* **3.** meriah, seronok: *ia mendapat sambutan ~;* **4.** tidak tenang atau tenteram, genting, tegang (suasana politik dll): *kedudukan politik negara kembali ~; perdebatan yg ~;* **5.** masih baru lagi berlaku dsb (berita, peristiwa, dll), panas: *berita yg ~; buku yg masih ~;* **6.** berapi-api, penuh semangat: *pidato yg ~;* ~ *dingin* kegembiraan dan kesusahan; ~ *hati* a) sangat marah; b) girang hati;

**hangat-hangat 1.** bp sementara masih hangat (panas): *nasi itu elok dimakan ~;* **2.** hangat (panas) spt yg dapat dirasai pd (oleh) sesuatu: ~ *kuku* tidak berapa hangat (panas), suam-suam kuku; ~ *tahi ayam* prb tidak tetap kemahuan (tidak bersungguh-sungguh secara berterusan);

**berhangat** membiarkan badan kena panas, berpanas: *di halaman gedung, orang yg tidak kebagian tempat dlm ruangan, ~ dlm panas matahari;*

**menghangat** menjadi hangat (tegang); *rapat ~* perjumpaan menjadi tegang; *tidak ~ mendingin* tidak menggembarakan atau menyusahkan;

**menghangati** ark **1.** memanaskan (nasi yg sudah dingin dll); **2.** menggembarakan: *Buenos Aires yg sejuk sentiasa dihangati oleh irama rumba dan tango;*

**menghangatkan 1.** = **memperhangat** menjadikan hangat (panas), memanaskan: ~ nasi dan lauk-lauk; berdiang utk ~ badan; **2.** menjadikan hangat (meriah, seronok), memeriahkan, menyeronokkan: tepuk sorak dan nyanyian orang ramai ~ lagi suasana pesta pd malam itu; **3.** ki menjadikan hangat (tegang, genting), menegangkan, menggentingkan: isu-isu yg sensitif telah ~ perdebatan pd hari itu;

**memperhangat** menjadikan lebih hangat;

**kehangatan 1.** perihal hangat (panas), kepanasan; **2.** kena hangat (panas); **3.** terlalu hangat; **4.** perihal hangat (meriah), kemeriahan; **5.** perihal hangat (tegang, genting), ketegangan, kegentingan: ~ perdebatan itu meresahkan orang ramai.

**hanggau; menghanggau** menjangkau.

**hangit 1.** (berbau) spt bau kain terbakar; **2.** rosak atau terbakar dan berbau (bkn makanan spt nasi, lauk, kuih, dsb yg dimasak atau dibakar terlalu lama): dia asyik berbual sehingga ~ nasi di atas dapur; **3.** berbau busuk spt bau peluh, hapak (badan kerana tidak mandi atau berpeluh): badannya ~ kerana sudah beberapa hari dia tidak mandi; memberi ~ ki memberi malu; ~-pengit a) terlalu hangit; b) Pr, Kl hangus rentung;

**menghangitkan** menyebabkan hangit (masakan, kuih yg dibakar);

**kehangitan 1.** perihal hangit (masakan, kuih yg dibakar); **2.** perihal hangit (hapak), bau hangit, kehapakan.

**hangpa** Kd hang apa, awak, engkau, kamu (semua).

**hangus I** menjadi binasa kerana dimakan api, terbakar hingga menjadi hitam: maka mahligai itu pun habis ~; ikan itu tidak dapat dimakan lagi kerana ~ sewaktu dipanggang; ~(-hangus) hati a) panas hati, marah; b) terlalu rindu (ingin); belanja (perbelanjaan, wang) ~ wang hantaran pengantin lelaki kpd pihak perempuan utk

belanja kahwin (lain drpd mas kahwin); ~ *tiada berapi, karam tiada berair* prb menderita kesusahan yg amat sangat;

**menghanguskan** membakar sampai hangus: ~ *hati (dada)* memanaskan hati, menjadikan sangat marah;

**kehangusan** **1.** keadaan hangus; **2.** terbakar hangus: ~ *hati* a) panas hati, sangat marah; b) kerinduan.

**hangus II** sj ikan darat, arang ekor, *Balantiocheilus melanopterus*.

**hangus III;** *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dichapetalum (Chailletia) spp.*

**hansop** Id sj pakaian budak-budak.

**hantam** → **hentam**.

**hantar I;** ~ *tangan* (bkn surat dsb) tidak dihantar melalui pos tetapi dihantar melalui orang (pembawa dsb);

**berhantar** diiringi, dikawani, ditemani; *datang tak berjemput, pulang tak* ~ prb perihal orang yg tidak diendahkan;

**menghantar** **1.** mengiringkan (membawa, mengawal, mengawani, menemani) seseorang ke sesuatu tempat tertentu dan meninggalkannya di situ: *setiap hari ayah ~ kami ke sekolah dgn keretanya*; **2.** membawa atau menyebabkan bergerak dr satu tempat ke tempat lain, mengalirkan: *pam jantung di sebelah kanan ~ darah masuk ke dlm paru-paru melalui salur nadi*; **3.** menyampaikan surat (kad jemputan, laporan, dsb) melalui alat perhubungan (spt pos, telegraf, dsb), mengirim: *dia ~ surat kpd ayahnya setiap bulan*; **4.** membawa utk diberikan (disampaikan) kpd seseorang dsb: *dia datang ke rumah ~ surat itu*; **5.** membawa ke sesuatu tempat (utk tujuan tertentu): ~ *manusia ke bulan*; ~ *kereta ke bengkel utk dibaiki*; **6.** menyertakan sesuatu (utk dipertandingkan dsb): *dlm pertandingan itu, Ramli ~ dua buah lukisannya*; **7.** membiayai pelajaran dsb, memasukkan (ke sekolah

dsb yg tertentu): *kerajaan telah ~ ramai pelajar bumiputera ke luar negeri; ~ anaknya ke sekolah aliran Melayu; 8. menyuruh* (mengarahkan, meminta, memaksa, dsb) pergi ke sesuatu tempat (utk melaksanakan sesuatu tugas dsb): *~ bala tentera ke sempadan; ~ perwakilan ke sesuatu persidangan; 9. menendang* (membaling, memukul) bola ke sesuatu tempat atau kpd seseorang pemain lain (dlm permainan bola sepak, hoki, badminton, dll): *Hassan ~ bola ke pintu gol;*

*~ cincin = ~ tanda* membawa (memberi, mengirim) cincin utk tanda pertunangan;

**hantar-menghantar 1.** saling menghantar, kirim-mengirim, beri-memberi: *setiap Hari Raya kami saling ~ kuih dan hadiah; 2. ark berturut-turut tetapi tidak teratur antaranya: ia masih hidup kerana nafasnya ~;*

**menghantari** membawa utk diberikan kpd, mengirimi: *maka dihantari baginda rakyat dan gajah kuda tidak terpermanai banyaknya; suaminya tidak ~nya surat;*

**menghantarkan = menghantar;**

**hantaran 1.** sesuatu yg dihantar (dikirim), kiriman: *petani-petani sambilan ini mungkin mendapat ~ drpd anak dan ahli keluarga yg melakukan migrasi; 2. = ~ kahwin = wang ~ wang* yg dihantar oleh pihak lelaki kpd bakal mentua utk perbelanjaan perkahwinan, belanja hangus; **3.** (dlm majlis perkahwinan orang Melayu) hadiah (berupa makanan, pakaian, dsb) yg dibawa bersama wang hantaran: *pihak pengantin lelaki membawa tujuh dulang ~;* **4.** (dlm permainan bola sepak dll) tendangan (balingan dsb) bola ke sesuatu tempat atau kpd pemain lain: *~nya tidak sampai kpd kawannya;*

**penghantaran** perihal (perbuatan, kerja) menghantar (mengirim dll);

**penghantar** **1.** orang yg menghantar (mengirim) surat dsb; **2.** orang yg membawa sesuatu utk diberikan (disampaikan) ke sesuatu tempat atau kpd seseorang, pembawa: ~ *surat khabar*; ~ *pos (surat)* Id posmen; **3.** orang yg membuka mesyuarat (pembicaraan dll); **4.** alat utk menghantar; **5.** = **pengantar** pandangan umum yg ringkas tentang isi buku, ceramah, dll; *kata* ~ kata pendahuluan, prakata; **6.** = **pengantar** sesuatu (bahasa) yg digunakan utk menyampaikan maklumat, spt ilmu pengetahuan dll: *bermula pd tahun 1982, bahasa Melayu telah digunakan sbg bahasa ~ pendidikan di peringkat sekolah menengah*;

**berpenghantarkan, berpengantarkan** menggunakan sesuatu (bahasa) sbg penghantar: *kanak-kanak itu belajar di sekolah yg ~ bahasa ibundanya*.

**hantar II; berhantaran** terletak (terjatuh) di sana sini, bertebaran: *banyak rakyat mati, darah pun banyak tumpah ke bumi, mayat manusia ~ di medan*;

**menghantar, menghantarkan** meletakkan (di tanah dll) sembarangan sahaja, menggeletak: *dihantarkannya tangan kanan ke atas bahu kirinya*;

**terhantar** **1.** terlantar di tanah dll, tergeletak: *badannya ~ di Langkawi, ditanamkan orang di sana*; **2.** tidak terpelihara (tidak terbelah), terbiar, terlantar: *rumah pemeliharaan orang yg ~*.

**hantau; menghantau** Kd, Pl, Pn mengunjurkan kaki ke atas sesuatu.

**hantu I** **1.** ciptaan khayalan manusia yg menakutkan atau menggerunkan; *bahasa* ~ bahasa yg dipakai oleh pawang; *jari* ~ jari tengah; *kena* ~ = *dirasuk* ~ sakit kerana diganggu hantu; *disapa* ~ = *tersapa* ~ = *ditegur* ~ demam kerana ditegur hantu; **2.**



ki pengintip rahsia: ~ *mata-mata* pengintip rahsia bagi polis; **3.** ki orang yg sangat jahat (buruk dll): ~ *judi* orang yg sangat suka berjudi; *anak* ~ anak yg sangat jahat; *rupanya spt* ~ rupanya tersangat buruk; **4.** yg tumbuh liar, yg tumbuh dlm hutan: *kacang* ~; *limau* ~; *pisang* ~;

~ *air* hantu yg terdapat di air (di sungai dll); ~ *angin* hantu yg boleh mengaramkan kapal; ~ *aru-aru* hantu hutan; ~ *bungkus* hantu yg berupa mayat berbungkus; ~ *bunian* siluman (orang halus yg tinggal di hutan); ~ *gunung (laut, rimba, sungai)* hantu yg menjaga (menghuni) gunung (laut, rimba, sungai); ~ *jembalang*, ~ *puaka*, ~ *tanah* hantu-hantu penunggu; ~ *raya* hantu peliharaan utk menjadi pengawal (suruhan) tuannya; ~ *toyol* hantu peliharaan utk disuruh mencuri; *takut di~ terpeluk ke bangkai* prb mendapat kesusahan kerana takut akan sesuatu yg tidak patut ditakutkan;

**berhantu** ada hantunya, kemasukan (kerasukan) hantu;

**menghantu** **1.** menjadi hantu; **2.** ki menimbulkan rasa takut (gelisah, resah, dsb): *malam tambah ~*; *dia bersiar-siar ke luar kota utk melupakan kesibukan kota yg ~*;

**menghantui** **1.** ki mengganggu (fikiran), mengusik (jiwa): *peristiwa ngeri itu terus ~ fikirannya*; **2.** mempengaruhi (dgn cara menakut-nakutkan): *dgn sikapnya yg agresif dia ~ manusia ke arah kekacauan dgn semboyan revolusi proletariat*;

**kehantuan** sifat atau perbuatan yg dikaitkan spt hantu: *ia disejajarkan dgn sifat-sifat ~, kejelikan, dan kejahatan*.

**hantu II**; *burung* ~ **1.** sj burung malam, jampuk, ~ *kuang kuit*, *Otus scops*; **2.** sj burung, carik kafan, *Strix seloputo*; **3.** sj burung, ~ *ikan*, *Ketupa zeylonensis*; **4.** sj burung, ketumbuk, ketampi, ~ *kuning*, *Ketupa ketupu*.

**hantuk; berhantuk** berlanggar (bersentuhan) dgn: *kepalanya ~ dgn dinding;*

**berhantukan, berhantuk-hantuk** saling berhantuk, berbenturan: *kedengaran bunyi bangku dan kerusi ~;*

**menghantukkan** melanggarkan sesuatu pd sesuatu, membenturkan: *Ratna memegang kepala Kadir lalu dihantukkannya ke dinding;*

**terhantuk** menghantuk sesuatu dgn tidak sengaja, terlanggar, terbentur, tersandung (kaki): *kakinya ~ pd batu; sudah ~ baru tengadah* prb sesudah terkena (mendapat kesusahan dsb) baru beringat-ingat.

**hanya 1.** tidak lebih drpd, cuma, sahaja: *kemanakan hamba ~ seorang saja; dia ~ menjalankan tanggungjawabnya; dia ~ mengangguk; dia ~ seorang perempuan; ~ satu satu sahaja; 2.* sekiranya (terdapat atau berlaku sesuatu keadaan dsb yg tertentu sahaja), sekiranya (kalau) ... sahaja: *~ apabila darjah itu tidak banyak mempunyai kanak-kanak baru boleh dijalankan pengajaran berseorangan; kita akan memberikan bantuan ~ kalau dia benar-benar memerlukannya; ~lah = ~ sanya* hanya (digunakan utk penegasan); **3.** melainkan, kecuali: *yg lain bersetuju, ~ dia yg tidak bersetuju.*

**hanyar; berhanyar** Tr berselerak, berserak.

**hanyir 1.** (ber)bau spt bau ikan basah, (telur itik dsb); **2.** masih terlalu muda (budak dll): *budak ini masih ~ masih terlalu muda; elok buruk dan busuk ~ kesenangan dan kesusahan;*

**menghanyirkan** menyebabkan berbau hanyir: *telur itik ~ kuih;*

**kehanyiran** perihal hanyir (bau): *dia tidak tahan ~ bau ikan itu.*

**hanyur; ~-penyur** Tr terlalu hanyir.

**hanyut 1.** dibawa mengalir oleh air (ombak, banjir, dsb): *kayu itu ~ dibawa air pasang*; **2.** pergi jauh-jauh (mengembara, membawa diri atau membawa untung): *lebih baik saya ~ ke negeri lain drpd hidup memendam rasa*; **3.** = **berhanyut** gelincir, meleset, larat (kerana licin dll): *beberapa kali ia membuang sauh, ~ juga sauhnya itu: maka dibedilnya belulang itu, ~ tiada terus*; **4.** ki terlalu asyik, sedang khayal, terbawa mengelamun: *mereka ~ dibuai lagu yg berirama lembut; penulis-penulis muda yg dikatakan sedang ~ ke satu alam yg penuh dgn kata-kata yg hebat; ~ harta bendanya hilang lenyap, habis, lesap; ~ hatinya merasa rawan; orang ~ a) orang yg hanyut di air (sungai, laut); b) orang yg mengembara ke mana-mana (orang dagang, musafir); ~ dipintasi, lulus diselami, hilang dicari prb menolong orang dlm masa kesusahan; malu berkayuh, perahu ~ prb kalau segan berusaha tidak akan mendapat kemajuan; terapung tak ~ terendam tak basah prb belum ada keputusan (ketentuan, ketetapan);*

**berhanyut-hanyut 1.** = **berhanyutan** terapung-apung dibawa air (banjir, ombak): *berhari-hari kapal itu ~ dibawa ombak; mana yg tidak tenggelam tinggallah berhanyutan*; **2.** pergi ke mana-mana: *biar aku ~ ke rantau orang*; **3.** berlarut-larut, berlanjut-lanjut: *perbualan mereka ~;*

**menghanyutkan 1.** membawa (menyebabkan) hanyut (mengalir), dibawa oleh aliran: *dihanyutkannya rakit itu ke laut*; **2.** ki membawa (diri) berangan-angan: *dihanyutkan oleh khayalan; air tenang ~ prb orang yg pendiam itu biasanya berilmu dan dapat melakukan pekerjaan besar-besar*;

**hanyutan** benda yg dihanyutkan;

**kehanyutan** perihal (keadaan dsb) terlalu asyik dgn sesuatu (selama terbawa mengelamun dsb): *watak-watak anak muda, diperlihatkan ~ dlm arus kota yg simpang-siur;*

**penghanyutan** perihal atau perbuatan menghanyutkan.

**hap** (Muz) sj alat muzik yg besar dgn tali-tali yg ditegangkan pd bingkai tiga segi, dan dimainkan secara menegak dgn memetik talinya dgn jari.

**hapak** berbau tidak sedap kerana sudah lapuk atau usang (bkn sesuatu) atau sudah lama tersimpan (bkn bahan makanan): *bantal usang yg ~; biskut yg sudah ~.*

**hapas** → **apas I.**

**hapermut** IB sj emping yg dibuat drpd oat.

**haplografi** (Lin) pelenyapan satu huruf atau satu suku kata serupa yg berturutan dlm tulisan sesuatu perkataan, mis dua huruf *s* dlm ejaan Inggeris *assimilation* hanya tinggal satu apabila diserapkan kpd ejaan *asimilasi* dlm bahasa Melayu.

**haplologi** (Lin) penyingkatan sesuatu kata dgn menghilangkan suatu bunyi atau suku kata yg berulang dlm sebutannya.

**haprak** bk kata makian yg bermaksud tidak bergunanya (seseorang).

**hapsikod** (Muz) sj alat muzik yg menyerupai piano kecil tetapi berbeza dr segi bunyinya.

**hapus 1.** hilang, lenyap, lesap (tidak terdapat atau kelihatan lagi): *parut di badannya itu tidak akan ~ sepanjang hayatnya; selama belum ~ Peringgi dr alam Melayu belum puas aku lagi; 2.* (telah) dimaafkan (dosa, kesalahan, dll): *dosa akan ~ apabila kita bertaubat dan taubat itu diterima Allah; ~ laut prb melupakan sesuatu perkara yg tidak baik (dibenci dll);*

**menghapus** menyapu (utk menghilangkan kotoran): *ia ~ air matanya*; *~ arang di muka* menghilangkan malu; *~ dosa* a) membersihkan diri (drpd dosa); b) mengampuni dosa;

**menghapuskan** **1.** menghilangkan dgn menyapu: *~ conteng pd dinding*; **2.** menghilangkan, melupakan, meniadakan, membanteras, membasmi: *ada beberapa jalan utk ~ penyakit*; *berjuang utk ~ penjajahan*; *~ musuh*; **3.** menganggap telah hapus, menganggap telah tidak ada lagi, mengampuni (dosa dll): *segala hutangnya dihapuskan apabila ia bersetuju menyerahkan segala kekuasaannya*; *semua barang yg lama lebih baik dihapuskan drpd perjanjian kita*; *mudah-mudahan Yang Dipertuan akan ~ dosaku*;

**terhapus** menjadi hapus, telah dihapuskan: *sebilangan besar anak bumiputera ~ akibat perbuatan kejam kaum penjajah*;

**penghapusan** perihal (perbuatan, tindakan, dsb) menghapuskan: *kaum wanita menuntut ~ poligami*; *~ penderitaan atau kekurangan*;

**penghapus** **1.** alat utk menghapuskan sesuatu; **2.** orang yg menghapuskan.

**hapus kira** (Eko) **1.** penghapusan sesuatu hutang yg dianggap tidak boleh dikutip lagi, dan dgn itu dianggap sbg perbelanjaan atau kerugian; **2.** pemindahan baki akaun aset ke akaun belanja atau akaun untung rugi yg menyebabkan baki akaun aset berkurangan atau terhapus;

**menghapus kira** membatalkan sesuatu, mis hutang lapuk, drpd akaun yg sedia ada secara hapus kira: *syarikat memutuskan utk ~ beribu-ribu ringgit hutang lapuk*.

**hara I** → haru, huru-hara.

**hara II** sj ikan darat, ara, *Osteochilus melanopleura*.

**harab** Ar perang; *darul~* negeri yg rakyatnya belum memeluk agama Islam, lwn darussalam.

**haraf** Ar **1.** sl huruf; **2.** partikel.

**harak; terharak-harak** sl terkelepai, berjabir-jabir, longgar: *maka baju Laksamana pun ~ terkembang berterbangan.*

**harakah** Ar pergerakan (yg memperjuangkan sesuatu), perjuangan.

**harakat** Ar **1.** panjang pendek suara sewaktu membunyikan sesuatu huruf Arab dlm bacaan Quran (yg biasanya ditandai dgn tanda-tanda tertentu bagi menentukan hukum-hukum tajwidnya); **2.** baris atau tanda bunyi (fatahah, kasrah, dammah).

**harakiri** (Jepun) perbuatan seseorang membunuh diri dgn menikam atau memburaikan perutnya apabila mendapat malu atau dihukum mati.

**haram 1.** hukum tegahan (dlm Islam) yg dijanjikan ganjaran pahala bagi orang yg mematuhiya dan dosa bagi orang yg mengingkarinya: *babi ~ dimakan oleh orang Islam; tidak peduli halal ~ tidak mengendahkan hukum; 2.* ditegah (terlarang) oleh undang-undang, tidak sah (di sisi undang-undang): *dia ditangkap kerana masuk secara ~ ke negeri ini; kumpulan ~; rumah ~ rumah yg didirikan di atas tanah kerajaan atau milik orang lain tanpa kebenaran, rumah kilat; tanah ~ tanah yg diduduki atau dikerjakan tidak dgn izin kerajaan (tuannya); 3.* suci, tidak boleh dikerjakan hal-hal yg tidak menentu: *Tanah ~ Mekah dan Madinah; Masjidil~ masjid Mekah; 4.* bp sungguh-sungguh, benar-benar, betul-betul: *~, aku tidak tahu-menahu langsung mengenai perkara itu; 5.* bp sedikit pun, langsung (tidak), sama sekali (tidak): *ia lari terus, ~ tidak menoleh ke belakang; sehingga hampir waktu senja, jejak babi tunggal tidak juga ditemui, malah berbau pun ~; 6.* bp tidak ada, tiada (satu antara yg banyak): *~ seorang pun di antara pengunjung kamar itu tahu bahawa mereka sedang dikepung;*

~ *jadah (zadah)* a) (kata makian) anak yg tidak sah (lahir di luar nikah); b) (kata makian secara am) celaka: *lori ~ jadah itu bukan kenal jenis makhluk;*

**mengharamkan** memandang (menganggap, menyatakan) haram (tidak halal), melarang, menegah: *agama Islam ~ penganut-penganutnya minum arak, berjudi dan melakukan beberapa perbuatan lain;* **2.** tidak membenarkan (mengizinkan, meluluskan, dsb), menetapkan (mengisytiharkan) sbg melanggar undang-undang, menegah: *kerajaan telah ~ penerbitan buku itu;* **3.** berteguh hati (berazam) utk tidak melakukan sesuatu: *dia ~ dirinya drpd memasuki tempat yg terkutuk itu lagi;*

**pengharaman** tindakan atau ketetapan mengharamkan (melarang, menegah, menolak), pelarangan, penegahan: *~ minuman keras adalah atas sebab-sebab moral dan kesihatan; beberapa buah negara mencadangkan ~ senjata-senjata atom.*

**harap 1.** sl hasrat (kehendak) utk mendapat sesuatu, hasrat supaya terjadi sesuatu: *maka sekarang ~ beta sekalian orang besar masing-masing menjaga pekerjaannya;* **2.** = **haraplah** hendaklah, mintalah, pohonlah: *~ maklum;* *~ hati* hasrat hati (keinginan hati); *~ cemas* bimbang (ragu-ragu, khuatir); *putus (hilang)* ~ berasa kecewa sama sekali, putus asa;

**harapkan** harap akan;

*~ anak buta mata sebelah, ~ teman buta kedua-duanya* prb setiap pekerjaan harus diawasi sendiri (jangan diharapkan pd orang lain); *~ guruh di langit air di tempayan ditumpahkan* prb melakukan pekerjaan yg tergesa-gesa maka rugi akibatnya (kehilangan barang yg sudah dimiliki);

**harap-harapan** sentiasa berharap (menanti-nantikan), sentiasa rindu (akan);

**berharap** berhasrat (dan sedia menunggu) utk mendapat sesuatu atau agar terjadi (terbit dsb) sesuatu, meminta (dgn sedikit sebanyak jangkauan) supaya terjadi sesuatu: *janganlah pula kamu ~ yg doktor itu dapat mengubat penyakit kamu dgn serta-merta;*

**berharapkan** berharap akan: *mereka ~ perlindungan, kasih sayang, dan pimpinan;*

**mengharap, mengharap** **1.** berharap akan, menginginkan, menjangka akan mendapat (memperoleh): *kami sudah tidak dapat membeli beras dan sayur-sayuran lagi, ikan jangan diharap; rakyat ~ pimpinan drpd mereka yg dianggap pandai; 2.* percaya akan, menggantungkan nasib dll kpd, mempercayai: *maka dukacitalah ia sebab kehilangan orang yg diharapkannya; memang orang itu tidak boleh diharap;*

**terharap-harap** sentiasa mengharap(kan); ~ *saja* menjangka-jangka tetapi tidak memperoleh, tidak berjaya (kecewa);

**harapan 1.** sesuatu atau seseorang yg diharap(kan): *memang tidak ada ~ yg cita-citanya akan berjaya; 2.* perihal mengharapkan: *~nya utk mendapat bantuan telah hilang; 3.* = orang ~ orang yg diharapkan (dipercayai), orang kepercayaan: *hanya orang tua itu ~nya; pemuda ~ bangsa* pemuda yg diharap akan memimpin dan memajukan bangsa;

*membilang* ~ terus berharap, tidak putus-putus harapan; *penuh* ~ besar harapan; *Pulau H~* Id Pulau Sumatera; *putus* ~ putus harap; ~ *hati* harap hati;

**berharapan** mempunyai harapan (yg besar);

**pengharapan** hal atau perbuatan mengharapkan.

**hararat** Ar kepanasan.

**haras** Ar kawalan.

**harau I** → karau.



**harau II; mengharau** mengarau, mengacau.

**harawan** ark; *tanggung* ~ tegak tulang dada (bkn kuda sbg tanda kuat).

**harbab** → **rebab**.

**harem** (harém) **1.** tempat tinggal gundik-gundik raja (orang kaya) Arab;

**2.** perempuan simpanan penghuni harem: *Fatima tinggal di istana keluarga Tonsson spt hidup di sebuah ~.*

**harfiah** Ar **1.** perkataan demi perkataan (bkn terjemahan dsb): *teks itu diterjemahkan secara ~;* **2.** makna tersurat atau selapis yg dapat

difahami secara mudah dan jelas (drpd sesuatu tulisan), literal;

**keharfiahan** perihal harfiah.

**harga** **1.** nilai sesuatu barang dgn (kiraan) wang: *kalau adapun barang itu ~nya mahal; letak* ~ bp a) menetapkan harga; b) menetapkan

harga (nilai) yg tinggi (apabila mengetahui bahawa sesuatu atau seseorang itu sangat-sangat dikehendaki); *tarik* ~ bp a) meletakkan

harga yg tinggi; b) (bkn pihak yg menyedari bahawa dirinya dikehendaki ramai) mengambil kesempatan memilih atau mengenakan syarat-syarat tertentu kpd pihak yg menghendaknya;

**2.** ki kehormatan (diri), maruah: *kami tahu ~ diri kami;* **3.** ki

faedah, erti, guna, manfaat, kepentingan: *nasihat yg baik sudah tidak ada ~nya lagi;*

~ *benderol* Id a) meterai yg berbentuk pita yg menyatakan harga (rokok dll); b) = ~ *pemerintah* = ~ *E. Z.* Id harga yg ditetapkan oleh kerajaan; ~ *beli* (*pembelian*) harga pd ketika membeli; ~

*borong* harga sesuatu barang yg dibeli atau dijual secara borong, biasanya lebih murah drpd harga runcit; ~ *bumbung* (Eko) harga

maksimum sesuatu barang yg ditetapkan dan dibenarkan oleh pihak berkuasa, harga siling; ~ *damai* harga yg masih boleh ditawarkan (lwn harga tetap atau harga mati); ~ *diri* maruah,

kehormatan diri; ~ *gelap* harga yg tidak menurut ketetapan

kerajaan; ~ *gila* Id bp harga yg terlalu murah atau terlalu mahal; ~ *jualan* (Eko) harga barang di kedai, harga yg ditetapkan oleh penjual; ~ *kos* (Eko) harga barang yg dijual oleh pengeluar kpd penjual; ~ *lantai* (Eko) harga paling rendah yg ditentukan (dibenarkan); ~ *mati* = ~ *pasti* = ~ *tetap* harga yg muktamad; ~ *melawan* bp Id harga yg lebih murah drpd harga penjual lain; ~ *modal* harga pokok; ~ *namaan* harga yg tertera pd saham (bukan nilai pasarannya atau nilainya yg sebenar); ~ *pasar* harga barang di kedai, harga jualan; ~ *pasaran* (Eko) a) harga terbaru yg dipersetujui oleh pembeli dan penjual barang atau perkhidmatan, sebagaimana yg ditentukan melalui permintaan dan penawaran; b) harga selepas diskaun yg terdapat pd tarikh tutup perakaunan; c) harga yg terakhir pd masa jual beli saham, yg disenaraikan dlm bursa saham; ~ *penutup* (Eko) harga terakhir sesuatu saham dsb yg diniagakan sejurus sebelum waktu dagangan harian ditutup; ~ *pokok* harga yg dibayar oleh penjual pd masa membeli (drpd pengeluar dsb); ~ *runcit* harga sesuatu barang yg dibeli atau dijual secara runcit; ~ *runtuh* harga murah yg ditawarkan oleh pusat membeli belah utk melariskan barang jualan dlm musim tertentu (biasanya musim perayaan); ~ *senarai* (Eko) harga barang sebelum ditolak potongan (dalal dsb); ~ *siling* (Eko) harga maksimum sesuatu barang yg ditetapkan dan dibenarkan oleh pihak berkuasa, harga bumbung; ~ *tunai* harga jika dibayar tunai; *ada rupa ada* ~ prb harga sesuatu barang itu mengikut keadaannya atau mutunya;

**seharga** **1.** sama harganya (dgn); **2.** harganya, dgn harga: *membeli barang ~ lima ringgit*;

**berharga** **1.** mempunyai harga, harganya: *kereta barunya ~ RM28 000*; **2.** berfaedah, bermanfaat, tinggi nilainya, penting: *pokok jati*

*menghasilkan kayu yg sangat ~; tidak ~ tidak berguna (tidak penting);*

**menghargai** **1.** memberi (menetapkan) harga, menaksir harga, menilaikan: *barang jualannya diharganya terlalu tinggi; aku tidak mahu menjual kereta itu kerana orang ~nya terlalu rendah;* **2.** memberikan penghormatan (pujian, sanjungan, dsb), menganggap penting (berfaedah): *penerbit belum tahu ~ karya pengarang; khidmat dan sumbangannya tidak dihargai orang;* **3.** menghormati, memuliakan, mengendahkan: *dia tidak ~ orang tuanya;*

**menghargakan** **1.** menawarkan barang yg hendak dijual (dgn menyatakan harganya): *membeli barang tidak ditawarnya lagi, seberapa dihargakan orang dibelinya;* **2.** menghargai;

**terharga, terhargakan, terhargai;** *tidak ~ tidak ternilai;*

**penghargaan** perihal atau perbuatan menghargai, penghormatan, penyanjungan; *hadiah ~ hadiah penghormatan (terhadap sesuatu sumbangan dll).*

**hari** **1.** masa dr matahari terbit hingga matahari terbit sekali lagi (masa sekali bumi berpusing pd paksinya, 24 jam): *ada tujuh ~ dlm seminggu; ~ Ahad (Minggu), ~ Isnin, ~ Selasa, ~ Rabu, ~ Khamis, ~ Jumaat, dan ~ Sabtu;* **2.** = *siang ~ masa dr matahari terbit hingga matahari terbenam: dua ~ dua malam; hari ini kami bekerja setengah ~; tengah ~ waktu ketika matahari sangat tinggi;* **3.** bahagian dr masa antara matahari terbit hingga matahari terbit sekali lagi: *malam ~ bahagian sebelah malam; pagi ~ bahagian sebelah pagi; petang ~ bahagian sebelah petang;* **4.** keadaan (alam, cuaca, udara, dll): *kerana ~ hujan, dia tidak keluar rumah; apabila aku balik dr hutan, ~ pun sudah malam;* **5.** masa kerja dlm satu hari: *dia mendapat gaji tiga ringgit satu ~; gaji ~ gaji*

berdasarkan bilangan hari seseorang itu sebenarnya bekerja; **6.** masa yg lalu atau yg akan datang: *dia telah membeli sebuah rumah utk ~ tuanya; belakang (kemudian) ~ masa yg akan datang; tempoh ~ dahulu;*

*~ acara* Id ark hari diadakan pemeriksaan perkara; *~ akhirat* = *~ kemudian* masa sesudah berakhirnya kehidupan di dunia yg ada sekarang ini; *~ Asyura* hari yg kesepuluh bulan Muharam; *~ baik bulan baik* Hari Raya (Krismas bagi orang Kristian, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji bagi orang Islam, perayaan Tahun Baru bagi orang Cina, Deepavali bagi orang India, dsb); *~ bapa* hari (pd Ahad ketiga dlm bulan Jun) utk mengenang atau memperingati jasa bapa; *~ batal* ark = *~ jatuh* Id waktu yg ditentukan sbg had yg terakhir bagi membuat sesuatu tuntutan dll; *~ besar* hari yg dirayakan kerana memperingati sesuatu peristiwa penting; *~ bulan* tanggal, tarikh; *~ Buruh* hari cuti am sbg penghormatan kpd kaum buruh; *~ depan (nanti)* masa yg akan datang; *~ gaji* hari para pekerja dibayar gaji atau upah, mis pd akhir setiap bulan dsb; *~ guru* hari (pd 16 Mei) yg disambut utk mengenang atau memperingati jasa guru; *~ ibu* hari (pd Ahad kedua dlm bulan Mei) utk mengenang atau memperingati jasa ibu; *~ ibu bapa* hari perayaan sekolah (ibu bapa dijemput); *~ jadi* = *~ lahir* hari memperingati lahirnya seseorang; *~ Jumaat Besar* Id hari kematian Jesus; *~ kebangkitan* hari apabila manusia dibangkitkan (drpd mati) utk dihisab segala amalannya dan diberi pembalasan; *~ Kebangsaan* hari (yg tertentu tarikhnya) yg dirayakan oleh seluruh rakyat sesebuah negara sbg memperingati kemerdekaan dsb; *~ kelepasan* = *~ libur* hari cuti, hari rehat; *H~ (Memperingati Kekasih* hari (pd 14 Februari) yg diraikan oleh pasangan kekasih, suami isteri dsb, yg juga dikenali sbg *Valentine's Day*; *~*

*Kemerdekaan* = ~ *Merdeka* hari menyambut atau memperingati kemerdekaan negara; ~ *keputeraan* hari lahir (nabi, raja); ~ *kerja* hari orang biasanya bekerja (bukan hari cuti atau hari minggu); ~ *lebaran* Id Hari Raya; ~ *mahsyar* = ~ *hisab* hari diperhitungkan segala dosa dan pahala manusia di akhirat; ~ *matahari* hari yg panjangnya ditentukan oleh matahari; ~ *muka* hari depan; ~ *Natal* hari jadi Jesus; ~ *Pahlawan* hari memperingati pahlawan yg terkorban; ~ *pembalasan* hari apabila manusia menerima balasan atas segala amalan baik dan buruk di dunia; ~ *penamaan (calon)* (Udg) hari yg ditetapkan utk menamakan calon pilihan raya; ~ *perniagaan* hari berlakunya urusan atau kegiatan perniagaan; ~ *Raya a)* = ~ *Raya Puasa (Aidilfitri)* hari yg dirayakan sesudah puasa (pd 1 Syawal); b) = ~ *Raya Haji (Korban)* = ~ *Raya Aidiladha* hari besar Islam yg dirayakan pd 10 Zulhijah (selepas berhenti di Arafah); ~ *sekolah* hari waktu bersekolah; ~ *syak* hari yg mungkin 30 Syaaban dan mungkin juga 1 Ramadan (belum pasti mula wajib berpuasa bagi orang Islam); ~ *tasyrik* hari yg disunatkan menyembelih korban (11, 12 dan 13 Zulhijah); ~ *tua* masa seseorang sudah tua; ~ *ulang tahun* hari yg bertepatan dgn hari bulan dan bulan seseorang dilahirkan, atau sesuatu (perkahwinan, penubuhan organisasi dsb) berlaku: ~ *ulang tahunnya adalah pd 1 Januari; pasangan itu menyambut ~ ulang tahun perkahwinannya yg ke-50; ~ wuquf* hari jemaah haji berhimpun di padang Arafah (9 Zulhijah); ~ *baik (pagi) dibuang-buang, ~ buruk (petang) dikejar-kejar* prb membiarkan peluang yg baik berlalu, kemudian apabila sudah terlambat baru terkejar-kejar; *ada ~ ada nasi* prb selalu akan beroleh rezeki sekiranya masih hidup; *ia sepanjang ~ janji*

*sepanjang jalan* prb mudah mengucapkan janji tetapi sukar menepatinya;

**sehari** satu hari; ~ *dua* satu atau dua hari, beberapa hari; ~ *suntut* sepanjang hari; ~ *tumbas* Kl sehari suntuk; *raja* ~ pengantin (pd hari perkahwinan);

**seharian** sepanjang hari (dr pagi hingga petang), sehari suntuk, sehari-harian: *doh itu dipotong dan dijemur ~ hingga benar-benar kering sebelum dibungkus; kadang-kadang doktor sendiri tidak makan ~;*

**sehari-hari** tiap-tiap hari, saban hari: *barang keperluan ~;*

**sehari-harian** seharian: *dia merasa tersangat letih selepas bekerja ~;*

**berhari;** ~ *minggu* bersenang-senang pd hari minggu; ~ *raya* merayakan Hari Raya dll;

**berhari-hari** beberapa hari: *kadang-kadang dia pergi ~ lamanya;*

**berhari-harian** beberapa hari penuh: *buruh yg mogok berpiket ~;*

**harian 1.** setiap hari; *buku (catatan)* ~ buku utk dituliskan catatan hari-hari; *buruh (pekerja)* ~ buruh yg dibayar mengikut berapa hari dia sebenarnya bekerja; *catatan* ~ catatan tentang apa yg berlaku setiap hari; *Maktab (Pusat) Latihan* ~ maktab (pusat) latihan guru-guru sekolah rendah; *pengurus* ~ Id pengurus yg mengerjakan urusan hari-hari; *perintah* ~ pemberitahuan panglima kpd pasukan-pasukannya; *suhu* ~ hitung panjang suhu tiap-tiap hari; **2.** (diterbitkan) setiap hari (bkn akhbar): ~ *Utusan Melayu;*

**perharian** hal mengira bilangan hari.

**harib** (Muz) sj serunai yg berasal dr Tibet.

**haribaan** pangkuan, ribaan: *si Hitam melihat Berontak datang menyembah ke ~ orang tua itu.*

**harimau** sj binatang mamalia yg buas (rupanya spt kucing); jenis-jenisnya: ~ *akar* = ~ *dahan*, *Neofelis nebulosa*; ~ *belang*, *Panthera tigris*; ~ *bintang* = ~ *kumbang*, *Panthera pardus*, dll; ~ *akuan* harimau jadi-jadian, cenaku, kembering; ~ *tanpa gigi* orang telah tiada kuasanya lagi: *saya akan buktikan yg MPPJ bukan ~ tanpa gigi*; *bagai ~ kelaparan* ki sangat ganas; ~ *ditakuti sebab giginya* prb orang yg berpangkat itu ditakuti kerana ada kuasanya; ~ *mati meninggalkan belang*, *gajah mati meninggalkan gading* prb orang yg berjasa itu akan selalu disebut-sebut orang walau berapa lama pun ia telah mati; ~ *mati kerana belangnya* prb perihal mendapat kecelakaan kerana mempertahankan kemegahannya; ~ *mengaum tak akan menangkap* = ~ *bertempik tak akan makan orang* prb orang yg marah dan berteriak-teriak biasanya tidak sampai memukul; *anak ~ diajar makan daging* prb orang yg zalim digalakkan membunuh; *anak ~ tak akan menjadi anak kambing* prb orang yg berani tak akan jadi penakut; *bagai ~ beranak muda* prb perihal orang yg sangat bengis (garang dll); *spt ~ menyembunyikan (menyorokkan) kuku* prb orang berpengetahuan yg menyembunyikan pengetahuannya; *sudah masuk ke dlm mulut ~* prb sudah pasti binasa;

**mengharimau** memarahi (memberangi) dgn menengking-nengking dll, memperlakukan dgn kejam.

**haring I** sj jebak atau jerat.

**haring II** (ber)bau spt bau air kencing, hancing.

**haris** Ar sl penjaga, pengawal (pintu dll).

**harisah**; *bubur* ~ sj bubur drpd biji gandum yg dicampur dgn daging dll (biasanya dibuat pd 10 Muharam).

**harkat 1.** harga, mutu, nilai, taraf, darjat (kemuliaan dll); **2.** gerak(an), kekuatan, tenaga.

**harmatan** (Geog) sj angin yg kering dan berdebu dr gurun Sahara yg bertiup ke arah pantai Afrika Barat, biasanya antara Disember hingga Mac.

**harmoni 1.** selaras dr segi muzik: *pasukan koir itu bernyanyi dlm nada suara yg ~*; **2.** menunjukkan persesuaian atau persetujuan: *kedua-dua suami isteri itu hidup dlm keadaan yg ~*; **3.** not-not muzik dlm sesuatu kod; **4.** persesuaian tindakan, pendapat, perasaan, dll;

**mengharmonikan 1.** menjadikan harmoni (selaras, sesuai, sepadan), menyelaraskan, menyesuaikan, menyepadankan (nada, suara, dsb): *mereka berusaha bersungguh-sungguh utk ~ suara mereka*; **2.** menjadikan harmoni, memesrakan: *mereka sama-sama cuba ~ perhubungan mereka*;

**keharmonian 1.** keadaan harmoni (selaras, sesuai, sepadan), keselarasan, kesesuaian: *sebaliknya, sains dan teknologi yg telah berkembang itu telah menyebabkan tiada ~ antara manusia dengan alam sekitar*; **2.** keadaan harmoni (mesra), kemesraan: *~ perhubungan antara kedua-dua buah negara*; *menikmati ~ hidup di desa*; *~ rumah tangga*;

**pengharmonian** proses (usaha, perbuatan dsb) mengharmonikan: *Labuan diharapkan akan menjadi mangkin kpd ~ dan integrasi pasaran modal di rantau ini.*

**harmonika** sj alat muzik (bunyi-bunyian) yg dimainkan dgn meniupnya, bangsi, genggong.

**harmonis** IB selaras, seimbang, sepadan, sesuai atau bersesuaian (antara satu sama lain).

**harmonium** sj alat muzik, orgel.

**harta** barang-barang berharga (spt rumah, tanah, barang-barang kemas, dsb) yg dipunyai oleh seseorang (syarikat, pertubuhan, dll);



~ *bawaan* (*pembawa, pembawaan*) harta yg dibawa pd ketika berkahwin;  
~ *benda* barang-barang kepunyaan, berbagai-bagai barang yg berharga (sbg kekayaan); ~ *bersama* = ~ *carian* (*laki bini*) = ~ *suarang* harta yg diperoleh suami isteri bersama; ~ *(pen)dapatan* harta yg dibawa oleh pihak perempuan; ~ *dunia* barang-barang yg tidak kekal, barang-barang duniawi; ~ *hibah* harta yg diberi dgn keredaan pemiliknya (sebelum dia meninggal dunia); ~ *jangka panjang* (Eko) benda (spt tanah, bangunan, jentera, dll) utk keperluan perusahaan dlm jangka waktu panjang, aset jangka panjang; ~ *jangka pendek* (Eko) wang atau benda yg mudah dijadikan wang, aset jangka pendek; ~ *karun* harta benda yg tidak diketahui empunya (pemiliknya) atau yg didapati dgn tidak sah; ~ *milik* barang-barang kepunyaan seseorang; ~ *mudah cair* (Eko) benda yg mudah dijadikan wang (dijual); ~ *pencarian* harta benda yg didapati drpd usaha sendiri (bukan yg dipusakai); ~ *pusaka* harta warisan (harta peninggalan si mati); ~ *rampasan* barang-barang yg dirampas dlm masa perang; ~ *sepencarian* harta yg diperoleh drpd usaha suami isteri; ~ *tanah* (Eko) tanah dan apa-apa sahaja yg terdapat di atasnya (spt bangunan, tanaman, balak, atau galian); ~ *sunnguh* harta yg berupa mata benda; ~ *tak sunnguh* (Eko) hak yg tidak berupa benda (spt hak cipta dll); ~ *tidak kurang* keadaan harta melebihi hutang; ~ *pulang ke tuan* prb sudah sangat cocok utk seseorang;

**berharta** mempunyai harta, kaya, berada.

**hartal I** sj bedak basah yg berwarna kuning dan harum baunya, boreh.

**hartal II** pemogokan umum (penutupan kedai dll) sbg bantahan terhadap sesuatu.

**hartanah** harta tanah.

**hartawan** **1.** berharta, kaya: *orang yg bangsawan lagi ~*; **2.** orang yg mempunyai harta, orang kaya: *dia seorang ~ yg terkenal; kaum ~*;  
**kehartawanan** hal (sifat dsb) yg berkaitan dgn hartawan.

**haru** kacau: *dia telah faham akan telatah isterinya, kalau dilawan ~ jadinya*;

**mengharu** **1.** mengacau, mengaduk (santan, tepung, dll); **2.** mengganggu, menggoda, merasuk dll (bkn perbuatan manusia dll yg jahat): *parti-parti pembangkang yg ~ mereka di parlimen; bahawasanya syaitanlah yg ~ raja*; **3.** menjadikan tidak tenteram, mengacaukan, meresahkan, menggelisahkan: *hatinya telah diharu oleh perasaan malu*;

**mengharukan** **1.** menimbulkan huru-hara, mengacaukan, merusuhkan: *penempatan semula dikerjakan utk menyelamatkan orang kampung drpd diharukan pegganas komunis*; **2.** merusuhkan, menggelisahkan, merunsingkan: *pasti ada sesuatu dlm kepalanya yg ~ fikirannya*; **3.** merawankan hati, memilukan, menyayukan: *bunyi yg indah dapat ~ perasaan pendengar; suasana di majlis yg sungguh-sungguh ~, sedih dan sayu*;

**terharu** berasa hiba (kasihan, rawan hati, dsb): *ia memandang ayahnya yg sedang terbaring itu dgn hati yg amat ~*;

**keterharuan** keadaan terharu, kepiluan, kesedihan, dll;

**keharuan** **1.** kerusuhan, kekacauan: *tulisannya itu menggambarkan segala ~ dan kegelisahan fikirannya*; **2.** keterharuan: *~ hati*;

**pengharuan** perihal mengharukan;

**pengharu** pengacau, pengganggu, perusuh.

**haruan** sj ikan darat, ruan, *Channa striatus*; ~ tasik sj haruan, *Rachycentron canadus*;

~ *makan anak* prb bapa atau ketua yg memperkosa anak (anak buahnya) sendiri; *bagai ~ dlm tuar* prb perihal seseorang yg tidak tetap halnya (kerana berada dlm kesusahan dll).

**harubi**; *keris* ~ sj keris yg berhulukan emas (khas utk raja-raja), keris merubi, keris bawang sebongkol; → **keris**.

**haru-biru** haru-hara, huru-hara, kacau-bilau, porak-peranda, kekalutan, kerusuhan: *kota yg dahulunya sangat tenang telah menjadi ~;*

**mengharu-birukan** **1.** menimbulkan kerusuhan (kekacauan dll), mengelam-kabutkan, mengacau-bilaukan: *rusuhan itu telah ~ suasana di bandar itu;* **2.** menyebabkan sangat gelisah (rusing dsb): *yg sangat ~ fikirannya ialah perceraian dgn anaknya; masalah itu ~ fikirannya;*

**keharu-biruan** keadaan haru-biru: ~ *yg berlaku dlm mimpinya itu pasti akan menambah tekanan jiwanya.*

**haru-haru**; *hantu* ~ Mn sj hantu yg suka menculik orang dan menyembunyikannya.

**harum I** **1.** sedap (enak) baunya, wangi: *bunga melati yg ~ baunya;* **2.** ki (bkn maruah, nama, kehormatan) baik, masyhur, terkenal: *nama Malaysia semakin ~ dlm hubungan antarabangsa; ~ menghilangkan bau prb keburukan tidak kelihatan kerana tertutup oleh perbuatan atau nama baik;*

**mengharum** berbau (menjadi) harum, mewangi: *bunga-bunga kembang ~ di taman;*

**mengharumkan** **1.** menyebabkan berbau harum, mewangikan: *minyak wangi dipakai utk ~ badan;* **2.** menyebabkan mendapat nama baik (masyhur dsb): *dgn kemenangan-kemenangannya itu Jega telah ~ nama Malaysia dlm bidang sukan antarabangsa;*

**mengharumi** memberi bau harum (keharuman) pd: *bunga-bunga yg wangi ~ bilik itu;*

**haruman, harum-haruman** bau-bauan yg wangi: *ia tidak suka dgn kuih-kuih yg berbau minyak sapi, mentega, dan ~;*

**keharuman 1.** perihal harum, kewangian: *taburkan bunga melur di tempat tidur supaya suami menikmati ~ baunya;* **2.** kemasyhuran, kebaikan nama;

**pengharum** bahan (unsur, faktor dsb) yg mengharumkan: *daun limau purut juga digunakan sbg ~ masakan.*

**harum II;** *pokok ~ sj tumbuhan (pokok), Agave spp.*

**harung I; mengharung, mengharungi 1.** berjalan menyeberangi air (semak, sungai, dll), meranduk: *takut ~ air yg deras; budak itu sedang ~ sungai; ~ belukar* berjalan melalui belukar; **2.** menempuh, melayari (lautan dll): *sedang kami ~ lautan India, angin turun dgn hebatnya; kegagahan wau ~ angkasa;* **3.** ki menghadapi (mengalami) kesusahan (kesukaran dsb): *kejayaan dicapai setelah ~ berbagai-bagai kesulitan;*

**harung-harung, harung-harungan 1.** tempat orang mengharung (bahagian sungai dll yg tidak dalam); **2.** laut yg boleh dilayari;

**pengharungan** perihal (perbuatan dsb) mengharung(i).

**harung II; mengharung** mengganggu, mengharu.

**harung III; tali** ~ tali utk menambat kuda.

**harus 1.** tidak boleh tidak, tidak dapat tidak, mesti, patut, wajib: *kita mempunyai kepentingan sendiri yg ~ dijaga; engkau ~ berlaku adil dan saksama;* **2.** boleh jadi, mungkin: *padinya ~ tidak menjadi disebabkan kekurangan air;* **3.** tidak mustahil (berlaku, terjadi, dsb), mungkin: *~ seorang musuh itu bertukar menjadi seorang kawan;* **4.** boleh dilakukan dan boleh pula ditinggalkan, jaiz, mubah: *mandi tiga kali sehari adalah ~ hukumnya di sisi agama Islam;*

**seharusnya** sepatutnya, semestinya: *sudah ~lah kita memelihara diri drpd kekejian;*

**mengharuskan** **1.** memandang mustahak, (perlu, patut), memestikan, mewajibkan: *penuntut-penuntut sekolah diharuskan memakai pakaian seragam;* **2.** membolehkan, membenarkan, mengizinkan: *pd bait ketiga ulangan suara itu kurang sesuai, tah diharuskan bersajak dgn ta; agama Islam ~ perceraian;*

**keharusan** **1.** sesuatu yg harus (patut dll) dilakukan atau sesuatu yg mesti terjadi, kemestian, kewajiban: *membela maruah orang tuanya memang suatu ~;* **2.** sesuatu yg boleh berlaku atau mungkin berlaku (terjadi), kemungkinan.

**has**; *daging* ~ IB bp daging pinggang, daging lambung (lembu, kerbau, dll).

**hasab** Ar bilangan, hitungan; **hisab**.

**hasad** Ar = ~ *dengki*; **1.** dengki, cemburu (disertai niat jahat); **2.** kedengkian, kecemburuan (yg disertai niat jahat);

**berhasad** = ~ *dengki* menaruh perasaan dengki (cemburu dgn niat jahat): *umat Islam dilarang ~ dengki sesama sendiri.*

**hasan** Ar baik, cantik, elok (lelaki).

**hasanah** Ar **1.** baik, cantik, elok (perempuan); **2.** kebahagiaan, kebaikan.

**hasar** Id bp permainan judi.

**hasid** Ar orang yg berhasad dengki (cemburu); → **hasad**.

**hasienda** (hasiéndá) (Sepanyol) ladang tanaman atau ladang ternak yg mempunyai rumah kediaman (di negara yg berbahasa Sepanyol).

**hasil** **1.** segala sesuatu yg didapati atau diperoleh (drpd tanah, usaha dan kegiatan, dll), pendapatan, perolehan: *kemajuan yg kita dapat sekarang ini adalah ~ drpd usaha kita yg bersungguh-sungguh; ~ padi kita kini sudah mencukupi; semua ~ jualan tiket akan didermakan kpd tabung bencana banjir;* **2.** akibat, kesudahan

(drpd perlawanan, peperiksaan, dll): *penyakit yg dihidapinya ~ perbuatannya sendiri; ujian Sijil Rendah Pelajaran tahun ini sangat baik ~nya*; **3.** perolehan atau pendapatan (yg terdiri drpd cukai, pajak, sewa tanah, dll): *~ negeri dipungut dgn berbagai-bagai cara;*

*~ bahagi (Mat) hasil atau dapatan yg diperoleh drpd membahagi-bahagikan satu angka dgn angka yg lain; ~ buangan (Kim) bahan yg terhasil dlm proses kimia tetapi tidak mempunyai kegunaan industri; ~ bumi a) Id hasil drpd pertanian; b) hasil yg didapati drpd dlm tanah (berupa galian) dan drpd tumbuh-tumbuhan; ~ cukai pendapatan drpd cukai; ~ darab (Mat) jawapan atau dapatan drpd mendarab; ~ hutan barang yg didapati drpd tumbuhan dlm hutan (spt damar, kayu-kayan, rotan, dll); ~ ikutan (turut) Id hasil sampingan; ~ kali Id hasil darab; ~ kepala Kl cukai yg dikenakan ke atas seseorang; ~ mahsul berbagai-bagai hasil sesuatu negeri; ~ negeri a) hasil sesuatu negeri; b) pendapatan kerajaan (cukai dll); ~ purata (Mat) angka tengah yg sama jauhnya drpd angka yg pertama dan yg akhir (spt lima ialah suatu kuantiti antara dua dan lapan); ~ pertanian barang-barang keluaran pertanian; ~ pintu cukai yg dikenakan atas rumah dlm kawasan majlis bandaran; ~ pokok ark cukai mengikut bilangan pokok pd sebidang tanah; ~ sampingan hasil yg bukan hasil utama (mis sabut dlm perusahaan kelapa); ~ semula jadi hasil yg bukan buatan manusia; ~ sut (Eko) hasil yg diperoleh drpd jualan (keluaran) tambahan; ~ tanah a) cukai tanah; b) hasil bumi; ~ tapak ark cukai tanah bersama cukai yg belum dibayar; ~ tenusu hasil drpd binatang ternakan (spt susu dll); ~ terakru (Eko) hasil yg diperoleh dlm tempoh perakaunan tetapi belum direkodkan, atau bayarannya belum diterima sebelum*

tarikh tutup tempoh perakaunan itu; ~ *utama* Id hasil yg pokok (yg terutama);

**berhasil** **1.** ada hasilnya, memberi hasil: *kebunnya sudah ~*; **2.** tercapai (cita-citanya, maksudnya), berjaya: *segala usaha dan ikhtiarnya tidak juga ~*;

**menghasilkan** **1.** mendatangkan (mengeluarkan, memberikan) hasil: *Asia Tenggara ~ bijih timah yg banyak sekali di dunia*; **2.** mencipta (sesuatu): *bagi ~ bunyi sesuatu jirim itu mestilah bergetar; ia seorang pengarang yg ~ lebih drpd 20 buah cerita pendek*; **3.** mengakibatkan; **4.** menyebabkan (berhasil), membuahkan: *pertemuan mereka yg pertama itu telah ~ rasa cinta di dalam sanubari masing-masing; ketekunanlah yg telah ~ usahanya*;

**hasilan** hasil ciptaan atau dapatan kerana menghasilkan sesuatu: *TV3 telah mengadakan slot cerekarama yg menayangkan drama-drama ~ pengusaha tempatan*;

**kehasilan** benda yg dihasilkan: *upah sawah itu kadang-kadang sama dgn ~ yg diperdapat*;

**keberhasilan** perihal berhasil atau tercapai (sesuatu matlamat, rancangan, tujuan, usaha dll): *suatu keistimewaan lain ialah ~ pengarang menggunakan monolog; ~ penggunaan istilah banyak bergantung pd masyarakat penggunaanya; ~ sesebuah novel; ~ sesuatu prosedur*;

**penghasilan** **1.** perihal (usaha dsb) menghasilkan (mengeluarkan), pengeluaran: *Malaysia sangat terkemuka dlm ~ timah; ~ getah dan minyak kelapa sawit; benda-benda biasanya melalui beberapa tingkatan dlm ~ dan pemakaiannya*; **2.** pendapatan, perolehan (wang dll): *meskipun ~nya tidak seberapa tetapi*

*dapatlah juga ia membantu kami; ~ getahnya jatuh menjadi nomor dua terpenting; pajak ~ Id pajak pendapatan;*

**penghasil** orang atau alat yg menghasilkan (membuat, mencipta, dll) sesuatu.

**hasrat** keinginan yg kuat utk memiliki (melakukan) sesuatu: *ia pun menyampaikan ~-nya hendak berteman hidup dgn gadis itu; alangkah besar ~ku utk menjadi orang baik-baik;*

**berhasrat** mempunyai hasrat, sangat ingin (akan), sangat berharap (akan): *dia ~ utk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti;*

**menghasratkan** berhasrat akan sesuatu: *segala yg dihasratkan telah pun berhasil; ~ sebuah rumah yg besar utk kediaman keluarganya;*

**terhasrat** dihasratkan: *dapat apa yg ~;*

**kehasratan** hasrat.

**hasta** panjang dr hujung siku sampai ke hujung jari hantu (1/4 depa atau 45.72 sentimeter): *keris itu se~ panjangnya;*

*lengan ~ Id ruas siku, lengan bawah; tulang ~ tulang ruas siku; diberi sejengkal hendak se~, diberi se~ hendak sedepa prb diberi sedikit hendak banyak; mencari yg se~ sejengkal prb menyelidiki jauh dekatnya perhubungan kerabat; yg se~ takkan jadi sedepa prb sesuatu yg tidak dapat diubah;*

**menghasta** mengukur (menyukat) dgn hasta; *spt ~ kain sarung prb pekerjaan yg sia-sia.*

**hasud** Ar dengki, iri hati, cemburu (yg bersangatan);

**menghasud** mendengki (dgn bersangatan); → **hasad**.

**hasut; menghasut** 1. menjadikan orang sakit hati atau marah kpd orang lain, mengapi(-api)kan: *dia yg ~ supaya orang membenci saya;* 2. menggalakkan (anjing);



**hasut-menghasut** saling menghasut: ~ *tidak berhenti, yg kuat menindas yg lemah;*

**terhasut** sakit hati atau marah kerana dihasut: *P.M. menyatakan beliau tidak mahu membiarkan mahasiswa ~ oleh anasir-anasir politik;*

**hasutan** kata-kata atau perbuatan menghasut: *tunjuk perasaan dilakukan kerana ~ anasir-anasir anti-Amerika;*

**penghasutan** perihal menghasut;

**penghasut** orang yg menghasut.

**hasyiah, hasyiat** Ar **1.** pinggir, tepi; **2.** catatan atau keterangan yg ditulis di tepi buku.

**hasyisy** Ar sj dadah narkotik yg dihasilkan drpd pokok ganja.

**hasyur** (Geog) garis-garis pd peta bagi menunjukkan lereng gunung.

**hati 1.** organ dlm badan yg berwarna perang kemerah-merahan terletak di dlm perut di bahagian sebelah kanan (tugasnya mengeluarkan hempedu, mengawal kandungan gula dlm darah, menawarkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea, menyimpan glikogen): *jantung, ~, limpa, dll mengandungi zat galian dan vitamin; ~ kambing; ~ lembu;* **2.** = *jantung ~ jantung: tidak ada yg menarik perhatiannya selain drpd berita yg mendebarkan ~nya;* **3.** batin (tempat perasaan, pengertian, dll): *rupanya sahaja cantik tetapi ~nya buruk; susah ~nya melihat tingkah laku anaknya; terbit dr ~ yg ikhlas; ~ muda rasa muda dlm hati; bercakap (membaca) dlm ~ bercakap (membaca) dgn tidak mengeluarkan suara (dlm batin sahaja); dlm ~ dlm batin, dlm jiwa; dr ~ ke ~ secara ikhlas (jujur); ikut(kan) ~ mati turut(kan) nafsu (perasaan) membawa kebinasaan; jatuh ~ jatuh cinta, berkenan; jauh ~ = kecil ~ = merajuk ~ merasa tersinggung; kata ~ kata yg terbit dlm batin; kecut ~ merasa takut (bimbang dll); lubuk ~ a) perasaan hati yg*

dalam, b) bawah sadar; *makan* ~ (*berulam jantung*) menderita kerana perbuatan orang lain yg menyakitkan hati; *maksud* ~ tujuan; *melepaskan* ~ menurutkan hawa nafsu; *rasa* ~ perasaan batin; *terang* ~ mudah mengerti; **4.** bahagian tengah buah-buahan (pokok dll): ~ *nanas*; ~ *kayu*;

~ *berdetus* Mn menaruh syak curiga; ~ *budi* peribadi seseorang yg tergambar pd tingkah laku, pekerti atau pertuturannya dsb: *mereka sudah dapat menyelami ~ budi masing-masing*; ~ *jantung* a) jantung; b) kesayangan (kekasih); ~ *kaudu* hati yg jahat dan busuk dlm diri seseorang: *tetapi, yg kujumpai hanya hati buta, ~ kaudu, hati iri, hati tamak, hati dengki, hati busuk dan hati sakit*; ~ *kecil* perasaan dlm batin (maksud yg sebenarnya); ~ *nurani* a) hati yg telah mendapat petunjuk Tuhan; b) perasaan hati yg murni dan yg sehalus-halusnya (sedalam-dalamnya); ~ *pekat* keras hati, tetap hati (fikiran dll); ~ *sanubari* perasaan batin; ~ *tangan* lekuk pd telapak tangan; ~ *tawajuh* hati yg dihadapkan semata-mata kpd Tuhan;

~ *bagai baling-baling* prb fikiran atau pendirian yg tidak tetap; ~ *bagai pelepah, jantung bagai jantung pisang, telinga bagai telinga rawah* prb orang yg kurang perasaan malunya; ~ *gajah sama dilapah, ~ kuman (tungau) sama dicecah* prb beruntung banyak sama-sama mendapat banyak, beruntung sedikit sama-sama mendapat sedikit; ~ *gatal mata digaruk* prb perihal orang yg tidak dapat (berkuasa) melakukan sesuatu pekerjaan yg ia sangat-sangat berhajat hendak mengerjakannya;

**sehati** seia sekata, sepakat: *ia beroleh seorang isteri yg ~ dgn dia*;

**berhati** **1.** mempunyai hati: *beliau ~ keras dan berpendirian tegas*; **2.** = ~ *berjantung* = ~ *kemanusiaan* = ~ *perut* berperasaan yg halus, menaruh belas kasihan;

~ *batu* a) bersifat degil, mempunyai keazaman (cita-cita) yg kuat; b) tidak berperikemanusiaan; ~ *berlian (emas)* sangat baik hatinya; ~ *bimbang* berada dlm keadaan gelisah (resah dsb); ~ *binatang* bersifat bengis, tidak mempunyai pertimbangan, tidak berperikemanusiaan; ~ *keras* berpendirian teguh (mempunyai cita-cita yg kuat); ~ *mutu* putus asa (harap); ~ *perut* a) mempunyai perasaan (fikiran, kemahuan); b) bertimbang rasa; ~ *pilu* bersedih hati (hiba); ~ *putih* mempunyai niat yg tulus ikhlas (bersih dsb); ~ *rendah* mempunyai tabiat (budi pekerti) yg baik spt pemurah dll; ~ *tungau* penakut; ~ *walang* khuatir (walang hati); ~ *waja* keras hati.

**hatif** Ar ark suara yg didengar tetapi orangnya tidak dilihat, suara dr jauh.

**hati-hati I** berhati-hati;

**berhati-hati** memberi perhatian (pertimbangan dsb) yg teliti (sewaktu melakukan sesuatu), berawas-awas, beringat-ingat, hemat, waspada: *haruslah ~ memilih suami; dia sentiasa cermat dan ~.*

**hati-hati II** sj tumbuhan (pokok renek yg daunnya dibuat ubat sakit perut), bangun-bangun, membangun, *Coleus amboinicus*;

~ *gagah* = ~ *hutan* sj tumbuhan (herba), kerekap air, kodok hutan, *Sonerila heterostemon*; ~ *ketan* sj tumbuhan (pokok renek yg daunnya dibuat ubat sakit perut), tampah besi, tampang besi merah, tampang besi putih, *Callicarpacana*.

**hatrik** (Suk) penjaringan tiga gol oleh pemain yg sama dlm satu perlawanan bola sepak: *beliau hampir memperoleh ~ tetapi sepakan percumanya pd minit-minit terakhir terkena palang.*

**hatta** = ~ *maka* sl lalu, maka, kemudian dr itu, sampai (hingga): ~ *beberapa lamanya baginda pun berangkatlah pulang; berdiri teguh di belakang kerajaan kerana mempertahankan negara ~ utk*

*memikul senjata; memasuki rumah orang lain, sama ada rumah kawan atau rumah saudara ~ rumah ibu bapa sendiri, hendaklah mendapat keizinan terlebih dahulu.*

**hau I** sr kerana terperanjat atau kesakitan.

**hau II** Kd gagal, hampa, kecewa.

**haud** Ar ark tempat menakung (menyimpan) air, tangki air.

**haul I** Ar genap satu tahun (utk membayar zakat): *zakat utk binatang dikenakan kalau binatang itu dimiliki tuannya selama satu tahun, iaitu cukup ~.*

**haul II, haula** Ar kegagahan, kekuasaan, kekuatan.

**haur, hauri** bidadari.

**haus I 1.** berasa kering tekak (ingin minum), dahaga: *ia meminta air sebab tersangat ~; 2.* = ~ akan (kpd) sangat ingin akan (kpd): *saya ~ akan pengetahuan; anak kecil yg masih ~ kpd kemanjaan dan kemesraan ibu bapanya; ~ dahaga a) terlalu dahaga; b) terlalu ingin akan; orang ~ diberi air, orang lapar diberi nasi prb mendapat apa yg diingini;*

**menghauskan 1.** menyebabkan (menjadikan) haus; **2.** sangat menginginkan, sangat berkehendakkan: *kami sedang ~ penerangan dan pimpinan drpd pemimpin-pemimpin kami;*

**kehausan 1.** perihal haus (dahaga, menderita dahaga): *masing-masing mahu memuaskan ~ dgn air di hadapan mata; 2.* ki keinginan, kemahuan; **3.** menderita atau berasa haus:  *mungkin dia akan mati ~ atau dibaham anjing liar; sekali sekala kedengaran suara lembu ~ dan kehabisan rumput di kandangnya.*

**haus II** berkurangan besarnya atau tebalnya kerana tergosok (banyak dipakai dll): *batu itu telah ~ dimakan air;*

**menghauskan** menjadikan haus: *air yg mengalir dapat ~ batu.*

**kehausan** perihal atau keadaan haus: ~ *gandar penggerak utama boleh menyebabkan gangguan kelancaran bergerak mekanisme pelepas cekam;*

**penghausan** proses menghauskan: *lama-kelamaan, pelapik itu menjadi nipis kerana ~.*

**hausalat, hausalah** Ar ark tembolok ayam (burung dll).

**hauskot** sj pakaian wanita seakan-akan baju gaun labuh dan longgar, biasanya berbutang di depan, dan dipakai semasa di rumah.

**hawa I 1.** gas yg memenuhi bumi (terdiri drpd beberapa jenis gas), udara: *kerana ~ itu bergerak terjadilah angin; mengambil ~ menghirup udara yg nyaman; 2.* keadaan udara pd sesuatu tempat, iklim: ~ *panas; ~ sejuk; tempat itu panas ~nya; 3.* keadaan udara (bkn suhu, cuaca, dll): *hampir dinihari ~ sejuk menggigit tulang; ~ daba aliran udara yg menandakan ada sesuatu yg bergerak, bau sesuatu benda yg dibawa oleh udara;*

**berhawa 1.** mempunyai hawa (iklim), beriklim: *negeri-negeri ~ sederhana; 2.* mempunyai keadaan udara (sejuk, panas, dingin, dsb): *bilik ~ dingin;*

**menghawa** Id menjadi hawa.

**hawa II** = ~ *nafsu* keinginan (kehendak, dorongan hati) yg kuat utk melakukan sesuatu: *banyak raja yg dibinasakan Allah Taala kerajaannya sebab menurutkan ~ nafsunya; mengawal ~ nafsu; sesat fikiran oleh godaan ~ yg tamak dan keji; ~ pantang kerendahan, nafsu pantang kekurangan prb Mn tidak mahu kurang drpd orang lain.*

**Hawa III;** *Siti Hawa* isteri Nabi Adam; *kaum (si)* ~ bp perempuan.

**HAWA** akronim bagi Hal Ehwal Wanita: *Jawatankuasa Perunding ~.*

**hawa-hawa** Kl hampir-hampir sama (serupa dll).

**hawalah** Ar pemindahan tanggungan hutang seseorang kpd tanggungan orang lain: *mereka tidak perlu membuat sebarang ~ kpd sesiapa pun.*

**hawar 1.** penyakit yg merebak (pd binatang ternakan, tumbuh-tumbuhan): ~ *kentang*; ~ *ayam*; **2.** penyakit yg merebak (menular) pd manusia, wabak (spt taun, kepialu, dll).

**hawar-hawar** sj tumbuhan (herba), aur-aur, awo-awo, rumput tapak itik, *Floscopa scandens.*

**hawari** Ar sahabat nabi Isa.

**hawariun** Ar (jamak bagi hawari) para sahabat nabi Isa.

**hawau** bk kata makian, celaka.

**hawiah** Ar salah satu nama neraka.

**hawing** Kd membaling sesuatu dgn menghayunnya terlebih dahulu.

**haya**; *hundang* ~ = **haya-haya** terhuyung-huyung spt orang mabuk.

**hayai** Kd rasa manis tawar.

**hayam** sl ayam.

**hayang**; (*ter*)*huyung*-~ terhuyung-huyung; → **huyung**.

**hayat I** Ar ada nyawa pd badan, hidup; *ilmu* ~ pengetahuan tentang makhluk hidup (binatang dan tumbuhan), kaji hayat, biologi; *selama* ~ *dikandung badan* selagi hidup; *tanda* ~ cenderamata; *mendapat ~nya* sl mengalami sendiri;

**menghayati** mengalami dan merasai (dlm batin), meresapkan ke dlm jiwa: *matlamat akhirnya ialah utk ~ nilai-nilai akhlak*;

**penghayatan** perihal menghayati, perihal mengalami dan merasai dlm batin: *buku-buku yg baik akan mempertinggi ~ estetik pd pembaca*; *inti karya seni adalah ~ penciptanya*; *aspek-aspek penguasaan dan ~ bahasa Melayu Tinggi*;

**penghayat** orang yg menghayati sesuatu (cerita, peristiwa): *kita sbg pembaca dan ~ harus lebih teliti.*

**hayat II**; *baju* ~ sl sj baju.

**hayati** Ar mengenai hayat (hidup).

**hayo** sr kata utk menggalakkan: ~ *makan dia, makan dia!*; ~ *cepat!*

**hb** kep hari bulan.

**he** (hé) sr kata utk menghina (menyatakan marah, hairan, dll): ~, *mengapa diam saja?*

**He** simbol kimia bagi helium.

**hebah** (hébah) Ar berita, pengumuman, siaran;

**menghebahkan 1.** menyiarkan, memberitahukan kpd orang ramai (melalui akhbar, televisyen, dll): *pemimpin-pemimpin negara ~ rancangan pembangunan luar bandar kpd tamu-tamu luar negeri;*

**2.** menyebarkan, mengumumkan, mendiayahkan (agama, fahaman politik, dll): *Nabi Muhammad SAW ialah orang yg mula-mula ~ ajaran Islam;*

**terhebah** dihebahkan, dimaklumkan: *kegiatan lain pula tidak begitu ~ kpd umum;*

**hebahan** sesuatu yg dihebahkan;

**penghebahan** perbuatan atau hal menghebahkan, penyiaran, penyebaran, pengumuman: ~ *berita itu dibuat melalui RTM;*

**penghebah 1.** orang yg menghebahkan (menyiarkan), penyiar; **2.** orang yg menghebahkan (menyebarkan, mengumumkan, mendiayahkan), penyebar, pendiayah.

**heban** (héban) **I**; **mengheban** mencampakkan, menghempaskan (dgn kedua-dua belah tangan);

*sudah diheban dihela pula* prb mengalami berbagai-bagai penderitaan terus-menerus.

**heban** (héban) **II** Ar hebat, dahsyat.

**hebat** (hébat) **1.** teramat sangat atau luar biasa (gagah, dahsyat, kuat, elok, bagus, ramai, dll): *pertengkaran ~ berbangkit dlm biliknya;*

*sungguh ~ bunyi letupan malam tadi; 2. sl takut, segan: maka orang Pahang pun ~ rasanya melihat betul Hang Nadim memarah itu;*

**menghebat** menjadi hebat, bertambah hebat: *perompakan bank tahun ini ~ di Kuala Lumpur;*

**menghebatkan** **1.** menjadikan hebat (banyak, besar, dll); **2.** sl menakutkan: *apakah yg ditakutkan dan dihebatkan?*

**memperhebat** menjadikan lebih hebat (banyak, besar, dll); menjadikan lebih hebat, menambah supaya jadi lebih hebat (banyak, besar, dll): *polis telah ~ usaha utk menghancurkan kongsi-kongsi gelap;*

**hebat-hebatan** secara besar-besaran: *puak pembangkang hendak melancarkan tunjuk perasaan secara ~;*

**kehebatan** perihal hebat, kedahsyatan, kesangatan, keterlaluan: *dia cuba mengisahkan ceritanya dgn segala ~ yg tersanggup olehnya.*

**heboh** (héboh) **1.** bising dan kelam-kabut (bkn keadaan di sesuatu tempat), kecoh, gempar: *suasana di rumah pengantin perempuan menjadi ~ kerana ia jatuh pengsan sewaktu bersanding; membuat ~ menimbulkan kegemparan (kekecohan dsb); 2. sungguh-sungguh dan giat (dibincangkan, diperkatakan, dsb), hebat: peristiwa pembunuhan itu telah ~ diperkatakan orang;*

**menghebohkan** **1.** menimbulkan keadaan kelam-kabut, mengecohkan, menggemparkan: *kejadian itu ~ suasana di kampung itu; 2. = mengheboh-hebohkan* membuat supaya orang ramai tahu mengenai sesuatu perkara (peristiwa dsb) dan akan bercakap-cakap mengenainya: *dia tidak suka ~ peristiwa yg menimpa keluarganya;*



**kehebohan** keadaan heboh (kecoh, gempar), kekecohan, kegemparan: *~ di luar rumah menyebabkan dia terbangun drpd tidurnya; dlm ~ itu pencuri tadi dapat melepaskan diri.*

**hedonis** (hédonis) orang yg menganuti hedonisme.

**hedonisme** (hédonisme) pegangan atau pandangan hidup yg mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup.

**hedonistik** (hédonistik) bersifat mementingkan keseronokan: *kelas pertengahan yg bersifat ~.*

**hegeh** (hégéh); **terhegeh-hegeh** **1.** menginding-nginding, menonjol-nonjolkan diri: *kalau orang tak sukakan kau, kenapa kau masih ~ tinggal dgn orang; 2.* tidak kemas (berbuat sesuatu), terkedek-kedek (berjalan, berlari, dll): *ia melangkah ~.*

**hegemoni** (hégémoni) pengaruh atau dominasi sesebuah negara atas negara-negara lain: *pelbagai undang-undang digubal utk melengkapkan ~ penjajah terhadap rakyat pribumi.*

**heh** (héh) sr kata utk menyergah atau menyatakan kehairanan (terkejut dsb), eh: *~, kenapa ditulis ni?*

**hei** (héi) hai.

**heifer** (héifer) (Tani) lembu betina muda, terutamanya yg belum lagi melahirkan anak.

**heiho** (héiho) (Jepun) pasukan setempat utk membantu tentera Jepun (dlm Perang Dunia II).

**heksa-** (héksa) awalan asing enam, mis *heksahedron* dan *heksagon*.

**heksagon** (héksagon) (Mat) poligon yg mempunyai enam segi, segi enam.

**heksahedron** (héksahédron) (Mat) bongkah yg mempunyai enam permukaan yg rata.

**heksana** (Kim) sj sebatian yg digunakan sbg pelarut dan pencair cat dll.

**hektar** (héktar) ukuran luas (tanah dll) yg bersamaan dgn 10,000 m<sup>2</sup> (2.471 ekar);

**berhektar-hektar** beberapa banyak hektar: *dia mewarisi ~ kebun getah peninggalan orang tuanya.*

**hekto-** (héкто) awalan asing seratus, mis *hektogram* dan *hektoliter*.

**hektogram** (héktogram) ukuran berat yg bersamaan dgn 100 gram (1/10 kilogram).

**hektoliter** (héktoliter) unit muatan (dlm sistem metrik) bagi sukatan cecair yg bersamaan dgn 100 liter.

**hektometer** (héktométer) ukuran panjang yg bersamaan dgn 100 meter (lebih kurang 130 ela).

**hela** (héla) **I**; **menghela** **1.** menarik, mengheret, menyeret: *polis pencegah rusuhan ~ pemuda penunjuk perasaan ke dlm kereta perisai; ~ nafas menyedut udara; ~ surut mengundurkan (menarik) ke belakang; 2.* ark menolak (dlm kira-kira), mengurangi: *dua puluh dihela tiga; bagai ~ rambut dlm tepung prb harus berhati-hati ketika menyelesaikan sesuatu pekerjaan yg sulit;*

**menghelakan** menarik, mengheret: *kerana terlampau marah Hanifah pun ~ adiknya keluar kamar dgn menarik tangannya;*

**helaan** tarikan;

**penghela** penarik: *kuda ~ kereta.*

**hela** (héla) **II** sl; **menghelakan** menghalakan; → **hala** **I**.

**helah** (hélah) **1.** akal, muslihat, tipu daya: *ini satu ~ utk memerangkap dia; tipu ~ tipu daya; 2.* alasan yg dibuat-buat, dalih: *gadis itu selalu mendalihkan lamaran orang yg bukan sesaingnya dgn berbagai-bagai ~;*

**berhelah** **1.** menggunakan helah (tipu daya); **2.** beralih;

**menghelah** memperdaya, mengakali, menipu;

**menghelahkan 1.** mendalihkan: *bahawasanya Tuhan itu sangat mengetahui lahir dan batinnya tidak dapat dihelahkan*; **2.** sl memperoleh sesuatu dgn helah: *kerana hendak ~ wang orang, ia sanggup mengorbankan nama baiknya.*

**helai I 1.** benda yg tipis dan lebar (daun, baju, dll), lembar, keping, carik: *datangnya pagi bagaikan kipas yg sedang terbuka, ~ demi ~*; **2.** penjodoh bilangan bagi barang yg tipis (spt daun, rambut, kertas, kain, dll): *se~ daun; se~ kertas; se~ selendang*;

**sehelai** satu helai; *~ sepinggang* pakaian yg ada pd tubuh sahaja;

**berhelai-helai** beberapa helai, terdiri drpd helai (kertas yg tidak dijilid dll): *~ kertas yg dicontengnya.*

**helai II; sehelai;** *daun ~ setahun* sj tumbuhan (herba), daun satu tahun, *Nervilia aragoana.*

**helang** sj burung liar yg biasanya menyambar ayam; *~ belalang, Microhierax fringillarus; ~ hindik, Spizaetus cirrhatus; ~ laut = ~ siput* sj burung helang, *Heliaeetus leucogaster*; *~ malam* sj burung helang, *Machaerhampus alcinus*; *~ merah, Haliastur indus*; *~ sewah* sj burung helang, *Accipiter gularis*;

*~ terbang mengawan, agas hendak mengawan juga* prb orang miskin mahu meniru kelakuan orang kaya; *kalau tak ada ~ belalang menjadi* ~ prb kalau orang pandai tidak ada, orang bodoh mengaku dirinya pandai; *spt ~ menyongsong angin* prb gagah dan berani apabila menentang musuh; *cerdik ~ bingung si kiki, lamun murai terkecoh jua* prb biarpun cerdik atau bodohnya orang besar-besar, orang yg rendah jua yg terpedaya (menanggung rugi); *sepantun ~ dgn ayam, lambat laun disambar juga* prb jika berhampiran sesuatu yg berlawanan itu akhirnya terjadi juga sesuatu yg tidak baik.

**helat** (hélát) → **helah.**

**hele** (hélé) Kd terlentok, terkulai.

**helikopter** (hélikopter) sj pesawat terbang yg mempunyai baling-baling di atasnya dan boleh turun dan naik secara menegak.

**heliks** (héliks) bentuk berpilin, spt skru pencungkil gabus: *sesetengah molekul biologi mempunyai bentuk spt ~; gear ~.*

**heliograf** (héliograf) **1.** alat utk mengambil gambar matahari; **2.** alat yg digunakan utk menghantar mesej dgn pancaran cahaya.

**heliometer** (héliométer) sj teleskop yg digunakan utk mengukur jarak sudut di antara jasad cakerawala.

**heliosentrik** (hélioséntrik) (Ast) **1.** mempunyai matahari sbg pusat, berpusatkan matahari: *sistem ~*; **2.** berkaitan dgn atau diukur dr pusat matahari: *latitud ~; longitud ~.*

**helioskop** (hélioskop) teropong matahari utk mengukur darjah, teropong utk melihat matahari.

**heliostat** (héliostat) (Ast) sj alat yg digunakan utk memantulkan cahaya matahari pd suatu arah yg tetap.

**helioterapi** (héliotérapi) (Ubat) kaedah rawatan penyakit tertentu dgn mendedahkan pesakit pd cahaya matahari.

**heliotrop** (héliotrop) sj tumbuhan drpd genus *Helotropium* yg bunganya kecil-kecil, berwarna ungu dan berbau harum.

**heliotropisme** (héliotropisme) (Bio) tumbesaran tumbuhan mengikut arah rangsangan cahaya matahari.

**helipad** (hélipad) landasan utk helikopter.

**helium** (hélium) (Kim) gas lengai yg sangat ringan, tidak mudah terbakar, tidak berwarna, tidak berbau, dan digunakan utk mengisi belon dan kapal udara.

**helmet** (hélmét) bp topi keledar.

**helmintiasis** (hélmintiasis) (Ubat) penyakit yg disebabkan oleh serangan cacing parasit di dlm tubuh.

**helmintologi** (hélmintologi) kajian tentang cacing parasit.

**helo** (hélo) kata utk menyapa seseorang (semasa awal pertemuan atau memulai perbualan telefon).

**Helwa** (hélwa) akronim bagi Hal Ehwal Wanita.

**hem** (hém) I IB; *baju* ~ kemeja.

**hem** (hém) II sj tumbuhan herba yg ditanam utk mendapatkan gentiannya (yg digunakan utk membuat tali, kain dan juga sbg bahan utk menghasilkan marijuana), *Cannabis sativa*.

**hemah** (hémah) budi pekerti: *dia seorang pemuda yg cukup baik, tinggi ~nya dan bersih tutur katanya; ~ yg tinggi budi pekerti yg mulia;*

**berhemah** = ~ *tinggi* mempunyai budi pekerti yg mulia: *dia jujur dan ~ tinggi.*

**hemar** (hémár) Ar sj kuda yg warna bulunya berjalur-jalur, zebra.

**hemat** (hémat) **1.** tidak boros atau membazir (dlm membelanjakan wang atau menggunakan sesuatu), cermat, jimat: *kalau ingin kaya kita harus berbelanja dgn ~;* **2.** dgn penuh perhatian (minat dll), dgn teliti, cermat, hati-hati, berhati-hati, berwas-was, beringat-ingat, berjaga-jaga: *pegawai penyelidik itu bekerja dgn ~; kereta itu berlanggar kerana pemandunya kurang ~;* **3.** pemerhatian, pengamatan: *usul itu pd ~ kita bertentangan dgn semangat parti; ~ pangkal kaya, sia-sia hutang tumbuh prb kalau hendak kaya mestilah berjimat-cermat, kalau boros pasti akan berhutang;*

**berhemat** **1.** berjimat, bercermat: *sebab itu dia hendak ~ menyimpan wang;* **2.** berhati-hati, teliti: *amatlah mustahaknya pengarang itu ~ kerana sekiranya perkataannya itu didapati palsu maka hukuman terhadapnya menjadi berat; ingat sebelum kena, ~ sebelum habis prb perlu berikhtiar dgn sungguh-sungguh supaya tidak menyesal di kemudian hari;*

**menghemat, menghematkan** menjimatkan, menggunakan sesuatu berdikit-dikit, memakai sesuatu dgn berhati-hati (supaya tidak rusak dll): *kanak-kanak sejak dr kecil perlu dilatih ~ wang;*

**terhemat**; *tidak* ~ tidak terkira;

**hematan** perhitungan, perkiraan;

**kehematan** perihal (sifat) hemat;

**penghematan** perihal atau perbuatan menghemat.

**hematit** (hématit) sj mineral yg berwarna merah kehitam-hitaman yg merupakan sumber utama besi.

**hematologi** (hématologi) cabang sains perubatan yg berkaitan dgn penyakit darah dan tisu pembentuk darah.

**hematuria** (hématuria) (Ubat) kehadiran darah dlm air kencing.

**hembalang I; berhembalang** bergolek-golek, berguling-guling;

**terhembalang** tergolek-golek, terguling-guling.

**hembalang II** Jh; **menghembalang, menghembalangkan** membaling(kan) (batu dll), menghumbankan.

**hembus** bp hambus, nyah, pergi: ~ *dr rumahku;*

**berhembus** bergerak (bkn angin, udara dr mulut), bertiup: *angin malam ~ perlahan mengurangkan kehangatan hawa ketika itu;*

**menghembus 1.** meniup, mengeluarkan nafas (udara): *pokok itu bergegar sedikit dihembus angin; ia ~ rambut gadis itu;* **2.** bp cabut, lari; **3.** mengeluarkan hingus dgn memaksa udara keluar melalui hidung: *sesekali dia ~ hidungnya;*

**menghembuskan** meniupkan, mengeluarkan (nafas, udara, dll) dgn meniup: *pemuda itu ~ asap rokok ke muka kawannya; ~ nafas yg terakhir (penghabisan) meninggal dunia, mati;*

**hembusan 1.** aliran angin (udara yg dihembuskan), tiupan: *sekali-sekali desa itu dilalui oleh ~ angin sesat;* **2.** alat utk menghembus api, dll;

**penghembus** **1.** orang yg menghembus , peniup: *yg pekak pembakar meriam, yg buta ~ lesung*; **2.** alat utk menghembus (api dll), peniup.

**hemiplegia** (hémiplégia) (Ubat) kelumpuhan sebelah bahagian badan.

**hemisfera** (hémisféra) (Geog) sebelah bahagian bumi (iaitu hemisfera utara dan hemisfera selatan dibahagikan oleh garisan khatulistiwa manakala hemisfera timur dan barat pula dibahagikan oleh garisan meridian);

~ *selatan* separuh bahagian bumi yg terletak di selatan khatulistiwa; ~ *utara* separuh bahagian bumi yg terletak di sebelah utara khatulistiwa.

**hemlok** (hémlök) sj tumbuhan yg beracun, bunganya kecil berwarna putih dan batangnya berbintik-bintik, *Conium maculatum*.

**hemodialisis** (hémodialisis) (Ubat) proses membersihkan darah pesakit buah pinggang dgn menggunakan mesin khas.

**hemofilia** (hémodifilia) (Ubat) penyakit keturunan yg menyebabkan darah pengidapnya sukar membeku hingga mengakibatkan perdarahan yg teruk apabila terluka.

**hemoglobin** (hémodoglobin) (Bio) sj protein yg mengandungi zat besi, terdapat dlm sel darah merah vertebrat, dan berfungsi membawa oksigen dr paru-paru ke tisu badan.

**hemoi** (hémoi) Kd, Pl tidak malu-malu langsung, tebal muka.

**hemolisis** (hémolisis) (Ubat) pemusnahan sel darah merah yg mengakibatkan pembebasan hemoglobin.

**hemoroid** (hémodroid) (Ubat) keadaan apabila rangkaian vena pd dubur mengembang dan kelihatan berpintal akibat tekanan tinggi yg berterusan di vena rektum inferior, buasir.

**hempap**; *kena* ~ dihempap, ditimpa;

**menghempap** jatuh (tumbang, roboh, dsb) menindih sesuatu, menimpa, menindih: *rumah yg roboh itu telah ~ beberapa orang yg berada di dalamnya; ~ mati menghempap sehingga mati;*

**menghempapkan** menimpakan sesuatu yg berat dgn kuat: ~ *punggungnya ke atas kerusi empuk itu;*

**terhempap** dihempap dgn tidak sengaja, tertimpa: *ayahnya mati ~ pokok yg tumbang.*

**hempas** campak, banting;

~ *tulang berisi perut* prb rajin bekerja dapat rezeki; ~ *tulang tak berbalas jasa* prb bekerja keras tanpa beroleh faedah;

**berhempas;** ~-*pulas* bekerja keras (mati-matian), membanting tulang: *mereka ~-pulas mencari sesuap nasi;*

**berhempas-hempas** campak-mencampak, banting-membanting: *mereka bertangkaplah di dlm istana itu, ~, tunggang-langgang;*

**menghempas 1.** membanting, menjatuhkan (diri): *ia ~ ke katilnya;*

**2.** memukul (bkn ombak dll): *ombak ~ pantai dgn keras dan tidak henti-hentinya;*

**3.** menutup pintu, tingkap, dsb dgn melepaskannya dgn kuat: *Hamid ~ pintu bilik utk menunjukkan kemarahannya; ~ tulang urat = ~ tulang empat kerat menggunakan tenaga (kekuatan) sendiri membanting tulang utk mengerjakan sesuatu;*

**menghempaskan** membantingkan, membuangkan, mencampakkan, menjatuhkan: *dia ~ daun terup ke atas tikar; Ratna ~ badannya ke atas katil;*

**terhempas** terbanting, tercampak;

**hempasan 1.** tempat ombak menghempas pantai (tempat yg dangkal); **2.** perihal menghempas (bkn ombak), pukulan: ~ *ombak yg sesekali itu menghanyutkan sampah yg terdapat di tepi pantai itu.*



**hempedal I** bahagian ber dinding tebal dlm perut unggas tempat makanan dihancurkan.

**hempedal II**; ~ *ayam* sj tumbuhan (pokok renek), *Sagittaria grandiflora*; ~ *itik* sj tumbuhan (pokok renek), nasi sejuk, serapat, *Salacia flavescens*.

**hempedu 1.** bendalir berwarna kuning atau kehijau-hijauan yg dirembes oleh hati ke dlm usus utk membantu penghadaman lemak; **2.** perkataan atau ucapan yg pedas (menyakitkan hati dsb): *perempuan itu memuntahkan ~ terhadap Herman; bagai ~ lekat di hati* prb perhubungan yg erat, tidak dapat diceraikan (bkn persahabatan, perkahwinan, dll).

**hempuk; menghempuk** membantingkan, menghempaskan: *jangan beri gelas kepadanya, nanti dihempuknya pula.*

**hempulur □□empulur II.**

**hendak 1.** = ~ *akan* = **hendakkan** berhasrat akan, ingin akan (mempunyai, mendapat, mengambil, dll): *seorang buruh pun ~ sebuah rumah yg sederhana; kanak-kanak berebut-rebut ~ akan buah itu; hutan ini sudah banyak ditebang kerana hendakkan kayunya*; **2.** akan, bermaksud akan, mahu: *saya selalu tidak ada wang ~ bayar hutang*; **3.** untuk: *wang ~ membuat belanja sesen pun tiada*;

*tak ~ tidak dgn sungguh-sungguh (mengerjakan sesuatu); ~lah mesti, harus, patut, wajib: kalau mahu sihat, ~lah dimakan makanan berzat; ~nya sebaiknya, seharusnya, semoga, sepatutnya, seyogianya: semua kanak-kanak ~nya dapat memasuki sekolah; ~pun walaupun: ~pun dikatakan cantik tidak juga*;

**menghendaki** hendak (mahu) akan, mengingini, memerlukan: *saya tidak ~ istana utk tempat hidup*;

**kehendak** = ~ *hati* hajat, keinginan, kemahuan yg keras: *tanyakan kepadanya apa ~nya datang itu;*

**sekehendak** spt atau sebagaimana kehendak hati, nafsu, dll: *jika diikutkan ~ nafsu, tidaklah baik kesudahannya; ~ hati* sesuka hati;

**berkehendak** berharap akan, bermaksud hendak, berkeinginan: *ia ~ supaya kita jadi korbannya;*

**berkehendakkan** berkehendak akan, memerlukan: *perkara itu ~ penerangan yg lebih lanjut;*

**mengehendaki** menghendaki, memerlukan, mengingini: *ia ~ semua orang menghormatinya.*

**hendal** (héndal) tempat pegang pd basikal, dll utk mengemudikannya.

**hendap**; *serangan* ~ serangan secara bersembunyi;

**menghendap** merendahkan diri (membongkok dsb) atau menyembunyikan diri (menyorok) supaya tidak kelihatan (dgn maksud hendak mengintai, menangkap, dsb): *mereka berjalan ~ melalui pinggir hutan itu; ~ di balik lalang sehelai* prb menyembunyikan (merahsiakan) sesuatu, tetapi tidak ada gunanya kerana mudah diketahui orang;

**menghendapkan** menyembunyikan supaya tidak diketahui orang, menyorokkan, menggelapkan (wang dll);

**terhendap-hendap** terbongkok-bongkok (kerana hendak bersembunyi, mengintai, dll), tersorok-sorok: *ketika ia sedang ~ ia dilihat oleh askar-askar peronda.*

**henggang**; **menghenggang** bergoncang-goncang, berhayun-hayun, menghinggut; ~ *bagai itik pulang petang* prb berjalan sangat lambat (bkn orang yg gemuk dll).

**Henghua** (hénghua) suku kaum Cina yg berasal dr utara Chuangchow, China dan tinggal di merata tempat di dunia.

**hengit**; **terhengit-hengit** selalu sakit-sakit, merana.

**hening** 1. tidak keruh, jernih, bening: *air yg ~ mengalir dr bukit*; 2. sunyi senyap, diam, sepi, lengang: *suasana begitu ~, sehingga jarum jatuh pun boleh kedengaran rasanya*;

**mengheningkan** 1. menjadikan hening, menjernihkan: *~ minyak yg kotor; masanya sudah tiba utk ~ suasana yg keruh itu*; 2. mendinginkan, menenangkan (keriuhan dll): *lebih baik diheningkan saja kebisingan itu*; 3. berdiam diri mengenangkan sesuatu; *~ cipta bertafakur, bersemadi*;

**keheningan** keadaan hening, kejernihan, kesunyian: *jeritnya menggelegar ~ malam*;

**pengheningan** perihal mengheningkan.

**henjar** Kl; **menghenjar** 1. menendang (ke bawah), memijak-mijak.

**hentak**; **menghentak** 1. memijak dgn kuat-kuat, merentak, menginjak (menumbuk dll) dgn keras: *anak itu ~ lantai kerana tidak dapat wang*; 2. menikam, menjolok, menusuk, meradak (dgn lembing dll): *anjingnya luka dihentak orang*; 3. = **menghentak-hentak** berdenyut-denyut (hati dll): *hatinya ~ menunggu keputusan peperiksaan*;

**menghentakkan**, **menghentak-hentakkan** memijakkan, menumbukkan, merentakkan: *ia ~ kasut tumit tingginya di atas lantai simen*; *~ diri menjatuhkan diri*; *~ kaki merentakkan kaki*;

**hentakan** hasil perbuatan menghentak atau menghentakkan: *ia meninggalkan ruang itu dgn ~ kaki*;

**penghentak** alat pemadat tanah, antan.

**hentam**; *~ kromo* bp a) memukul (meninju dsb) dgn hebatnya; b) melakukan sesuatu dgn sesuka hati (tanpa pertimbangan lain yg wajar);

**berhentam** bertumbuk, berkelahi, berlanggar;

**menghentam** **1.** memukul (menumbuk dsb) dgn keras, melanggar dgn kuat: *lori itu ~ tiang-tiang kawat yg berderetan*; **2.** melepaskan kata bantahan, sindiran dsb yg keras (pedas, menyakitkan hati dsb) kpd seseorang yg perbuatan, sikap atau tindak-tanduknya dsb kurang disenangi atau tidak disukai, membidas, mengecam: *karya itu hendaklah berunsur positif dan membina, bukannya ~ kepemimpinan negara secara melulu dan tidak bertanggungjawab*;

**hentam-menghentam** **1.** saling menghentam (memukul, menumbuk dsb), pukul-memukul; **2.** saling membidas (mengutuk, mengkritik, mencela dsb): *semasa kempen pilihan raya umum, kata-mengata dan ~ antara parti merupakan perkara yg lumrah*;

**menghentamkan** memukulkan, menumbukkan;

**terhentam** terpukul, terhantuk: *dia jatuh tersungkur dan kepalanya ~ pd bendul*;

**hentaman** **1.** hasil (kesan, perbuatan dsb) menghentam (melanggar dsb) dgn kuat: *~ akibat pelanggaran menyebabkan kereta itu remuk sama sekali; ~ meteorit dapat menghasilkan tenaga kinetik dan haba yg sangat besar*; **2.** kecaman: *~ hebat Hitler terhadap peraturan atau sistem hidup selepas perang*.

**hentar** Id; **penghentar** iman (dlm agama Kristian).

**henti**; *tidak ~-nya* tidak putus-putus, terus-menerus;

**sehenti** mempunyai atau menyediakan pelbagai perkhidmatan atau barangan yg berkaitan di satu tempat: *kedai ~ itu menjual pelbagai jenis bot tempatan dan luar negara, aksesori, trailer, enjin dan minyak pelincir*;

**berhenti** **1.** tidak bergerak (berjalan, bekerja, dll) lagi, tidak meneruskan lagi: *enjin kereta itu sudah ~; di hujung jalan itu mereka ~; kereta api ini tidak ~ di Segamat; ia sudah ~*

*bersekolah; 2. berakhir, habis, tamat: hujan sudah ~, kita boleh pulang sekarang; orang kehilangan pun tiada ~ lagi; 3. meletakkan jawatan (pekerjaan dll), tidak menjadi ahli (pelanggan dll) lagi: dia ~ kerana ingin bertanding dlm pilihan raya umum; 4. berehat, melepaskan lelah: jika tuan hamba lelah ~ dahulu;*

**berhenti-henti** tidak terus-menerus, terputus-putus;

**memberhentikan** **1.** menjadikan (menyebabkan) berhenti, membiarkan berhenti: *ia ~ basikalnya; orang itu ~ percakapannya; 2. mengakhiri, menyudahi, menamatkan: ~ peperangan; lagu-lagu piring hitam diberhentikan; 3. memecat, melepaskan seseorang drpd pekerjaan (jawatan dll): guru itu sudah diberhentikan;*

**keberhentian** perihal berhenti: *~nya itu mungkin atas sebab-sebab yg sama;*

**pemberhentian** perihal atau perbuatan memberhentikan (diberhentikan), pemecatan: *~ abangku itu diketahui melalui akhbar;*

**menghentikan, memperhentikan** memberhentikan;

**terhenti** tertahan, tidak berjalan lagi, terputus, tersangkut: *percakapannya ~ hingga itu sahaja;*

**hentian** **1.** tempat berhenti (kendaraan dll), perhentian: *H~ Pudu Raya; 2. hasil berhenti; 3. (Lin) bunyi bahasa yg dihasilkan drpd penutupan sepenuhnya pd titik artikulasi tertentu dlm saluran suara: ~ glotis; ~ implosif;*

*~ glotis (Lin) bunyi hentian yg dihasilkan dgn menutup glotis rapat-rapat dan diikuti dgn pelepasan secara tiba-tiba; ~ implosif (Lin) bunyi hentian yg dihasilkan dgn menghalang aliran udara di glotis yg bergerak masuk ke dalam saluran udara; ~ sebelah*

tempat kendaraan boleh atau dibenarkan berhenti di tepi jalan raya atau lebuhraya;

**penghentian** hal atau perbuatan menghentikan: ~ *beberapa percobaan utk mendirikan tanah jajahan*;

**perhentian** tempat berhenti (bas, taksi, dll).

**hentimun** → **mentimun I**.

**henyak; menghenyak** memijak dgn kuat, menekan dgn keras: *kertas itu diramasnya, dicampakkannya ke lantai dan dihenyaknya; duduk ~ duduk seakan-akan menjatuhkan diri ke tempat duduk*;

**menghenyakkan**; ~ *diri* merebahkan, menjatuhkan diri pd: ~ *diri di atas kerusi*;

**terhenyak** terduduk seakan-akan jatuh ke tempat duduk dsb, terjelepek, terperenyak: *orang tua itu cuba bangun tetapi ~ lagi di lantai*.

**henyut** Pr herot.

**hepar** (hépar) (Ubat) hati.

**hepatik** (hépatik) berkaitan dgn hati.

**hepatitis** (hépatitis) (Ubat) penyakit radang hati yg disebabkan oleh jangkitan (biasanya ditandai demam dsb).

**hepta-** (hépta) *awalan asing* tujuh, mis *heptagon* dan *heptahedron*.

**heptagon** (héptagon) (Mat) poligon yg mempunyai tujuh sisi.

**heptahedron** (héptahedron) (Mat) bongkah yg mempunyai tujuh permukaan yg rata.

**heptatlon** (héptatlon) (Suk) pertandingan utk peserta wanita yg dilangsungkan selama dua hari, terdiri drpd tujuh acara, iaitu 110 meter lari berpagar, lontar peluru, lompat tinggi, lumba lari 200 meter, lumba lari 800 meter, lompat jauh dan merejam lembing.

**herba** sj tumbuhan kecil yg batangnya (lembut) tidak berkayu, daunnya dapat dibuat makanan, ubat, dan pewangi.

**herbarium 1.** koleksi spesimen tumbuh-tumbuhan yg dikeringkan yg disimpan dan diklasifikasikan secara sistematik; **2.** tempat mengawet dan menyimpan spesimen tumbuh-tumbuhan tersebut.

**herbivor** (Bio) binatang yg memakan tumbuh-tumbuhan sahaja, maun.

**herder** (hérder) IB; *anjing* ~ sj anjing besar.

**herdik** kata-kata yg keras dan kasar (utk memarahi dll), tengking;

**mengherdik** mengeluarkan kata-kata yg keras dan kasar, menengking, menghamun: *anak itu menyembunyikan diri kerana takut diherdik ayahnya;*

**herdikan** perbuatan mengherdik: ~ *guru itu sangat menakutkan murid-muridnya.*

**hereditamen** (héréditamen) (Udg) sebarang jenis harta yg boleh diwarisi.

**herék** (hérék); **mengherék** meleraikan padi drpd romannya (dgn memijak-mijak tangkainya).

**heréng** (héréng); **mengheréng** (bkn badan) tidak menelentang, berbaring di atas sisi: *sebentar dia ~ ke kanan dan sebentar ~ ke kiri;*

**mengheréngkan** membaringkan badan dlm kedudukan mengheréng: *dia ~ badan ke kiri utk menghilangkan lenguh-lenguh.*

**heret** (hérét); **mengheret 1.** menarik (dgn paksa), menghela (dgn kuat), menyeret: *Ali terus mengikut saya dr belakang sambil ~ basikalnya;* **2.** membawa seseorang ke sesuatu tempat: *dia telah diheret ke balai polis kerana disyaki mencuri;* **3.** memikat hati orang (utk mendapatkan harta bendanya dll), memperdaya, menipu;

**terheret** terlibat bersama: *perang yg menyebabkan negara kuasa besar ~ ke dalamnya;*

**heretan 1.** sesuatu yg diheret; **2.** Jk sampan (perahu) penambang;

**pengheretan** **1.** perbuatan mengheret, penyeretan; **2.** sj kendaraan (utk membawa barang) yg ditarik; **3.** Jk penipu, pendusta.

**hering** sj burung (yg memakan bangkai); ~ *paruh panjang*, *Gyps indicus*; ~ *tongkeng putih*, *Gyps bengalensis*; *ada bangkai, adalah* ~ prb di mana ada perempuan jahat di situ terdapat lelaki jahat.

**hering** (héring) sj ikan laut, *Clupea harengus*.

**hermafrodit** (Bio) organisma yg mempunyai kedua-dua organ pembiakan jantan dan betina pd individu yg sama, mis cacing tanah dan jagung.

**hernia** (Ubat) tonjolan lebihan tisu badan ke permukaan kulit melalui rongga atau liang, burut.

**hero** (héro) **1.** orang yg terkenal atau disegani kerana keberanian (kegagahan, peribadi yg mulia, dll); **2.** watak lelaki utama dlm cerita drama, filem, dll: *Inu Kertapati menjadi ~ dlm cerita-cerita Panji*.

**heroin** (héroin) **I** watak wanita utama (dlm cerita, filem, dll).

**heroin** (héroin) **II** narkotik yg sangat mengetagihkan yg dihasilkan drpd morfina.

**heroisme** (héroisme) keberanian membela keadilan atau kebenaran: *perang menjadi tempat berkumpulnya mitos dan ~;*

**herot** (hérot) tidak lurus atau tegak benar, benyot, mencong: *ibuku ketawa riang hingga ~ bibir mulutnya; ~-benyot = ~-berot* terlalu herot;

**mengherotkan** menjadikan herot, membenyotkan, memencongkan: *garisan yg dilukisnya diherotkan sedikit; suaranya keras mengejut menyebabkan Timah ~ bibirnya;*

**mengherot-herotkan** menyebabkan herot beberapa kali atau banyak kali;



**terherot-herot** menjadi herot-berot, terbenyot-benyot, termencong-mencong: *kaca itu membuat rupanya kelihatan ~;*

**herotan 1.** sesuatu yg tidak tepat, kecacatan: *ilmu pengetahuan mereka begitu bebas drpd ~ yg disebabkan oleh pengaruh sosial;*

**2.** (Komp) perubahan rupa bentuk pd gelombang isyarat penerima berbanding dgn isyarat asal.

**herpes** (herpés) (Ubat) sj penyakit berjangkit yg disebabkan oleh virus, yg menyebabkan terjadinya lepuh-lepuh kecil berair pd kulit.

**herpetologi** (herpétologi) kajian tentang reptilia dan amfibia.

**hertz** (Fiz) unit bagi kekerapan sesuatu fenomena berkala yg mempunyai tempoh satu saat, kitar per saat.

**hesy** (hésy) sr kata utk menyatakan tidak setuju (tidak senang dll).

**hetero-** (hétero) *awalan asing* berlainan (berbeza atau lain), mis *heterograf* dan *heteronim*.

**heterodoks** (héterodoks) menyimpang drpd kebiasaan atau yg rasmi.

**heterofemi** (héterofémi) (Lin) penggunaan sesuatu kata secara silap drpd yg sebenarnya kerana kedua-dua kata berkenaan hampir sama bunyi atau ejaannya, mis *asrama* utk *asmara* atau sebaliknya.

**heterogen** (héterogen) terdiri drpd berbagai-bagai jenis, pelbagai: *rakyat Malaysia yg ~;*

**keheterogenan** perihal atau sifat heterogen, kepelbagaian, keanekaragaman: *sejarah yg heterogen dibayangkan dgn ~ teks.*

**heterograf** (héterograf) (Lin) satu drpd dua kata atau lebih yg maknanya dan mungkin juga bunyinya sama, tetapi berlainan ejaannya, mis *baharu* dan *baru*.

**heteronim** (héteronim) (Lin) salah satu drpd dua bentuk kata atau lebih yg sama ejaannya, tetapi berbeza makna dan bunyinya, mis *perang* (perkelahian) dan *perang* (warna).

**heteronimi** (héteronimi) (Lin) hubungan antara heteronim.

**heteroseksual** (héteroséksual) **1.** cenderung tertarik dr segi seks kpd orang yg berlainan jantina dengannya: *di kalangan pasangan ~, jangkitan biasanya berlaku drpd lelaki kpd perempuan*; **2.** orang yg tertarik nafsu syahwatnya kpd orang yg berlainan jantina dengannya, mis lelaki dgn perempuan atau sebaliknya: *~ rambang penyebar utama AIDS.*

**heuristik** (héuristik) membolehkan atau dapat membantu seseorang mempelajari, mengetahui dsb sesuatu perkara melalui pengalaman sendiri (bkn kaedah pengajaran atau pembelajaran): *dlm kaedah ~ ini pelajar dibimbing utk membuat penemuan sendiri bahan pembelajaran dan menggunakan konsep dlm latihan.*

**Hf** simbol kimia bagi hafnium.

**hg** kep hektogram (100 gram).

**Hg** simbol kimia bagi merkuri.

**hia** sj tumbuhan (herba), *Artemisia vulgaris.*

**hialit** sj batu opal yg jernih dan tidak berwarna.

**hiang** dewa; → **yang II.**

**hias**; *almari* ~ almari bercermin tempat menyimpan barang-barang perhiasan dll; *tukang* ~ orang yg kerjanya menghias, juruhias;

**berhias 1.** = ~ *diri* berdandan diri dgn pakaian (barang kemas dsb) yg cantik, berkemas diri dgn barang yg indah-indah: *Bendahara Seri Maharaja pun terlalu baik rupanya lagi sangat ~; janda* ~ janda yg belum beranak (dibenarkan berpakaian pengantin apabila berkahwin lagi); *mandi* ~ upacara mandi sebelum pengantin perempuan dinikahkan; **2.** = **berhiaskan** diperindah (diperelok) dgn: *tangga rumahnya ~ pasu-pasu bunga;*

**menghias** menjadikan sesuatu lebih cantik atau elok (dgn barang yg indah-indah, gambar, solekan, dll): *orang perempuan spt Cik Mahaya ini, memang pintar ~ kamar;*

**menghiasi** menyebabkan kelihatan lebih cantik atau elok: *nasi adap-adapan yg dihiasi emas pun diangkat oranglah ke hadapan baginda; lampu berwarna-warni ~ rumahnya; senyuman yg manis ~ wajahnya;*

**menghiaskan** mencantikkan (mengindahkannya) dgn sesuatu: *dia ~ sebutir kerosang pd bajunya;*

**terhias** telah dihiasi dgn sesuatu: *pandangannya kadang-kadang beralih kpd jambangan bunga yg ~ indah di atas meja;*

**hiasan** segala yg digunakan utk menghiasi sesuatu: *sekeping gambar wanita telah dijadikan ~ kulit majalah itu; ~ dalaman seni menghias dan melengkapi perabot sesebuah rumah, pejabat, dll;*

**perhiasan** sesuatu yg digunakan utk berhias atau menghias: *Raja Ahmad pun diarak oranglah bergajah dgn selengkap ~ pakaian segala raja-raja;*

**penghiasan** perihal (perbuatan, proses dsb) menghias, menghiasi atau menghiaskan: *beliau merancangkan ~ semula rumahnya;*

**penghias** 1. tukang hias, juruhias; 2. yg menghiasi sesuatu: *ukiran-ukiran tradisional ~ ruang tamunya.*

**hiba** belas kasihan, terharu, sedih, pilu, sayu: *semua orang ~ melihat budak-budak itu menangis memanggil ibunya;*

**berhiba** = ~ hati dirundung perasaan hiba: *sudah berminggu-minggu dia ~ hati;*

**berhiba-hiba** menimbulkan rasa belas kasihan, merawankan hati: *ia menjawab dgn suara ~;*

**menghibai** menaruh belas kasihan terhadap, mengasihani;

**menghibakan** 1. menimbulkan rasa belas kasihan, menyayukan (menyedihkan, mengharukan) hati: *suaranya tenang seolah-olah sudah dapat dilupakannya soal yg ~ hatinya;* 2. berasa hiba

(terhadap sesuatu): *tak perlu dihibakan lagi nasib budak itu, ia telah pun mendapat tempat yg baik;*

**kehiba**; ~ *hati* perihal hiba, perasaan pilu (terharu): *dia tidak dapat menghilangkan ~ hati apabila mengenangkan peristiwa kebakaran rumahnya;*

**penghib**a orang yg (mudah) selalu berhib

**hibah** Ar pemberian hak (harta) secara sukarela kpd orang lain dgn tujuan baik;

**menghibahkan** memberikan (pd masa si pemberi masih hidup): *ia telah ~ tanah itu kpd sahabatnya selagi ia hidup;*

**penghibahan** perbuatan memberikan.

**hibbah** Ar → **hibah**.

**hibernasi** (Bio) keadaan tidak aktif, atau tidur sepanjang musim sejuk bagi sesetengah haiwan;

**berhibernasi** tidur sepanjang musim sejuk (bkn binatang).

**hibrid 1.** (Bio) anak (haiwan atau tumbuhan) yg dihasilkan drpd percantuman dua jenis benih yg berlainan, kacukan; **2.** (Komp) sifat sistem yg terbentuk drpd gabungan beberapa teknologi yg berlainan.

**hibuk** Jk sibuk, banyak pekerjaan;

**kehibukan** perihal hibuk, kesibukan.

**hibur; menghibur** menyenangkan atau menggirangkan hati: *cerita sedih atau tragedi juga ~ dgn caranya sendiri;*

**berhibur, berhibur-hibur** berbuat sesuatu utk menghiburkan (menyenangkan) hati: *kurangnya kemahuan utk mengikis sikap suka ~;*

**menghiburkan** menyenangkan, menggirangkan, melipurkan: *yg boleh ~ hatinya ialah kekanda dan adindanya sahaja; muzik ~ hati, lebih-lebih lagi setelah penat memeras otak;*

**terhibur** menjadi senang (girang, gembira) hati, terlipur hatinya: *setelah Sira Panji bertemu dgn saudaranya, maka ~lah sedikit hatinya;*

**hiburan** sesuatu (perbuatan, benda, dll) utk menghiburkan (menyenangkan, menenteramkan) hati: *mudah-mudahan cerita ini dapat menjadi ~ kpd sekalian pembaca; taman ~ tempat menghiburkan hati;*

**penghiburan** hal menghibur(kan);

**penghibur** **1.** sesuatu yg boleh menghiburkan hati, pelipur; **2.** orang (spt penyanyi, pelawak, dsb) yg kerjanya menghiburkan orang ramai, pelipur.

**HICOM** akronim bagi *Heavy Industries Corporation of Malaysia* (Perbadanan Industri Berat Malaysia).

**hidang; menghidangkan** **1.** = **berhidang** menyajikan atau menyediakan makanan (minuman dll): *air kopi yg dihidangkan oleh isterinya sudah habis diminumnya; apabila kita berhidang utk tamu hari raya tentulah tidak ketinggalan kita menyediakan minuman;* **2.** ki mengutarakan atau mengemukakan sesuatu perkara (dlm mesyuarat dll): *pengarang surat khabar ~ masalah pengangguran dlm tajuk rencananya;* **3.** ki memperdengarkan, mempertunjukkan dsb kpd orang ramai, mempersembahkan: *penyanyi itu telah ~ lima buah lagu dlm pertunjukan itu;*

**hidangan** **1.** makanan yg disediakan, sajian: *maka didapatinya Mak Andeh masih bersiap menyajikan ~; ~ Melayu* makanan masakan Melayu; **2.** sesuatu (spt lagu, muzik, drama) yg diperdengarkan, diperlihatkan, dsb: *masing-masing menyandar ke kerusi mendengar ~ lagu-lagu merdu drpd peti radio;*

**sehidangan 1.** satu hidangan: *anak gadisnya muncul membawa ~ kopi dan kueh-muih*; **2.** sama hidangan (sewaktu makan): *makan sehidang(an)*;

**penghidangan** perihal menghidangkan, penyajian.

**hidap; menghidap, menghidapi** menanggung sesuatu penyakit dgn lama: *~ penyakit tibi*;

**hidapan 1.** perihal dihidapi sesuatu jenis penyakit; **2.** penyakit yg lama dihidapi dan sukar sembuh: *kusta satu penyakit ~ yg berjangkit*;

**penghidap** orang yg menghidap (menanggung) sesuatu penyakit: *~ penyakit malaria*.

**hidayat, hidayah** Ar pimpinan (bimbingan) drpd Tuhan, petunjuk: *akhirnya beliau mendapat ~ dan taufik lalu memeluk agama Islam*;

**menghidayatkan** memberikan hidayat kpd (bkn Tuhan): *Allah telah ~nya sehingga dia menjadi seorang yg beramal dan soleh*.

**hidra** sj haiwan halus air tawar berbentuk tiub kecil yg mulutnya dikelilingi tentakel.

**hidrat** (Kim) sebatian drpd air dgn sebatian atau unsur lain;

**menghidratkan 1.** (Kim) menyebabkan sesuatu bergabung dgn air secara kimia; **2.** menjadikan sesuatu lembap: *penyegar muka ~ kulit dgn lembut*;

**penghidratan** (Kim) **1.** penghasilan ion drpd molekul air dgn sesuatu bahan. **2.** tindak balas penambahan air kpd alkena utk menghasilkan alkohol, atau kpd alkuna utk menghasilkan keton.

**hidraulik** (Kej) yg digerakkan atau dijalankan oleh cecair: *mesin ~*.

**hidrida** (Kim) sebatian tak organik yg terbentuk apabila hidrogen berpadu dgn unsur lain.

**hidro-** *awalan asing* mengandungi atau berkenaan air, mis *hidroelektrik* dan *hidroponik*.

**hidrodinamik** **1.** bkn dgn kuasa atau pergerakan air dan cecair lain; **2.** cabang ilmu dinamik yg menghuraikan tentang pergerakan dan kuasa cecair, terutama air.

**hidroelektrik** (hidroéléktrik) bkn elektrik yg dijana oleh kuasa air.

**hidrofit** (Bio) tumbuhan yg hanya boleh tumbuh di air, sama ada sebahagian atau seluruhnya, mis teratai.

**hidrofilik** (Kim) bkn bahan yg cenderung menyerap air.

**hidrofobia** (Ubat) **1.** penyakit anjing gila; **2.** penyakit gerun atau benci terhadap air.

**hidrofobik** **1.** (Kim) bkn bahan yg tidak menyerap air; **2.** (Ubat) bkn penyakit gerun atau benci terhadap air.

**hidrofoil** sj kapal yg ringan dan meluncur laju yg badannya terangkat dr permukaan air.

**hidrofon** corong (alat) pendengar suara (digunakan dlm pelayaran) utk menentukan arah datangnya bunyi.

**hidrogen** (Kim) gas paling ringan, tidak berwarna, tidak berbau, mudah terbakar, dan apabila berpadu dgn oksigen menjadi air;

~ *karbonat* garam asid karbonik; ~ *peroksida* sj sebatian yg sangat reaktif, dan sbg bahan antiseptik, bahan peluntur, dll;

**penghidrogenan** perihal menjadikan sesuatu bersebuti dgn hidrogen.

**hidrogeokimia** (hidrogeókimia) (Geo) kajian tentang komposisi kimia air semula jadi, yg mencakupi perubahannya dan sebab-sebab berlakunya perubahan itu.

**hidrogeologi** (hidrogeólogi) cabang geologi yg berkaitan dgn air tanah, terutama kejadiannya.

**hidrografi** kajian pengukuran dan pemetaan lautan, laut, dan sungai.

**hidrokarbon** (Kim) sebatian organik yg terdiri drpd unsur-unsur hidrogen dan karbon;

~ *alifatik* hidrokarbon yg atom-atom karbonnya tersusun dlm bentuk rantai lurus atau rantai bercabang (mis alkana, alkena, dan alkuna); ~ *siklik* hidrokarbon yg sebahagian atau kesemua atom karbonnya tersusun dlm bentuk gelang tertutup; ~ *tak tepu* hidrokarbon yg mengandungi sekurang-kurangnya satu ikatan ganda dua dan/atau satu ikatan ganda tiga di antara atom-atom karbonnya; ~ *tepu* hidrokarbon yg unsur karbonnya terikat antara satu sama lain dgn ikatan tunggal.

**hidroklorik** (Kim) mengandungi hidrogen dan klorin: *asid* ~.

**hidroksida** (Kim) sebatian yg mengandungi ion atau kumpulan hidroksil.

**hidroksil** (Kim) mengandungi atau terdiri drpd ion  $\text{OH}^-$  atau kumpulan  $-\text{OH}$ .

**hidrolisis** (Kim) tindak balas kimia apabila sebatian bertindak balas dgn air utk menghasilkan sebatian lain;

**menghidrolisis** **1.** melakukan hidrolisis; **2.** menjalani hidrolisis.

**hidrologi** sains bkn sifat, agihan, dan edaran air di bumi dan atmosfera.

**hidrometeorologi** (hidrométéorologi) cabang meteorologi yg berkaitan dgn hidrologi, mis hal yg berkaitan dgn kawalan banjir, kuasa hidroelektrik, pengairan dsb.

**hidrometer** (hidrométer) (Fiz) alat utk mengukur ketumpatan relatif cecair.

**hidronimi** (Lin) cabang onomastik yg berkaitan dgn kajian nama tasik dan sungai.

**hidropati** perawatan penyakit dgn menggunakan air.

**hidroponik** (Tani) kaedah menanam tanaman dgn hanya menggunakan air yg mengandungi larutan berzat tertentu.



**hidrosfera** (hidrosféra) bahagian bumi yg mengandungi air.

**hidroskop** (Fiz) alat utk melihat sesuatu objek jauh di bawah permukaan air.

**hidroterapi** (hidrotérapi) (Ubat) kaedah rawatan penyakit tertentu dgn menggunakan air pd luar tubuh.

**hidrotropisme** (Bio) gerakan pertumbuhan sbg gerak balas terhadap kehadiran air atau lembapan.

**hidrus** bkn sebatian yg mengandungi air.

**hidu; menghidu** **1.** mencium, membaui (tembakau, bunga, dll): *sambil berjalan ia ~ bau wangi kemejanya*; **2.** menyedut (udara dll); **3.** mengesan sesuatu dgn mencium bau yg ditinggalkan: *anjing itu dapat ~ ke mana larinya pengganas itu*; **4.** ki mengetahui atau dapat mengesan sesuatu yg menjadi rahsia sesuatu pihak dgn bertanya-tanya, merisik-risik, memerhatikan gerak-geri pihak tersebut dsb: *rancangan jahat mereka telah dapat dihidu oleh polis*;

**terhidu** **1.** terbau sesuatu dgn tiba-tiba: *sedang dia duduk-duduk, dia ~ bau kemenyan*; **2.** tersedut (gas atau udara) melalui hidung: *mereka diberi rawatan segera kerana ~ sejenis gas beracun*;

**penghidu** orang yg menghidu (membau) sesuatu kerana ketagih: *~ gam*.

**hidung** **1.** bahagian badan utk mencium atau menyedut udara (terdapat pd bahagian muka atas sedikit drpd mulut): *kita bernafas melalui ~ siang dan malam*; **batang** ~ a) tulang yg membina hidung; b) ki kelibat (imbasan) seseorang atau sesuatu; *kena batang* ~ ki (bkn kecaman, sindiran, dsb) tepat mengenai seseorang; **lubang** ~ bahagian yg berlubang pd hidung utk membolehkan kita mencium, menyedut udara, dsb; **sekat** ~ bahagian antara kedua-dua lubang hidung; *tidak nampak batang* ~ = *tidak nampak muka* ~ ki tidak

kelihatan langsung rupa seseorang kerana tidak hadir, tidak pernah muncul (di kalangan orang, kawan, dsb); **2.** ki bahagian depan sesuatu benda, muncung: ~ *kapal terbang*;

~ *belang (putih)* ki (bkn lelaki) yg sangat suka mengganggu orang perempuan; ~ *tinggi* ki sombong dan megah;

~ *dicium, pipi digigit* prb kasih sayang yg pura-pura sahaja; ~

*sudah rampung diatur* prb orang bodoh yg sombong tidak sedar dirinya dibodohkan orang; ~ *tak mancung pipi tersorong-sorong*

prb orang yg tidak turut campur yg menjadi susah, yg patut bersusah berdiam diri; *beroleh (mendapat) ~ panjang* prb

mendapat malu; *menguak-nguak bagai ~ gajah* prb bernafas terengah-ngah; *potong ~ rosak muka* prb orang yg berlaku kurang

baik terhadap keluarganya sendiri akan mendapat malu juga; *rasa tak mengapa ~ dikeluani* prb orang yg membiarkan dirinya

dibodohkan orang; *spt beranak besar ~* prb orang yg gemar memperlihatkan barangnya yg baru; *spt kerbau dicucuk (diatur)*

~nya prb orang bodoh yg menurut perintah orang;

**berhidung** mempunyai hidung; ~ *belang* mempunyai sifat suka mengganggu orang perempuan; ~ *tinggi* a) mempunyai hidung yg tinggi (mancung); b) mempunyai sifat sombong dan megah;

**menghidung 1.** = **kehidung-hidungan** mengucapkan sesuatu dgn sengau; **2.** selalu menurut saja (kemahuan orang dll).

**hidup 1.** terus bernyawa atau bernafas (bkn manusia, binatang, dll),

tumbuh dan membesar (bkn tumbuh-tumbuhan), tidak mati:

*kedua-dua ibu bapanya masih ~; tiap-tiap orang mengetahui bahawa udara mustahak utk ~ ; pokok-pokok bunga yg ditanam*

*oleh ibu saya semuanya ~; seumur ~* sepanjang masa seseorang itu

hidup; **2.** duduk (tinggal di, berkediaman di): *saya tidak*

*menghendaki istana, vila, atau rumah besar utk tempat ~; 3.*

berada dlm keadaan tertentu: ~ *bahagia (mewah dll)*; **4.** = ~ *dr* = ~ *dgn* mendapat rezeki dgn (cara-cara tertentu): *kebanyakan orang Melayu ~ dgn bersawah*; **5.** sr kata utk menyatakan harapan agar berjaya (kekal, selamat, dll): *mereka menyeru, ~!, ~!* **6.** tidak dilupakan atau tidak hilang (nama orang dll): *nama orang-orang yg berkhidmat utk nusa dan bangsa tetap ~*; **7.** masih bergerak atau berjalan (bkn pertubuhan, perusahaan, dll); **8.** masih bekerja atau giat (bkn enjin, jam, dll): *syarikat kerjasama itu masih ~ lagi; jam aku sebentar ~ sebentar mati; di Indonesia masih terdapat beberapa buah gunung berapi yg ~*; **9.** masih menyala (api dll); **10.** masih dipakai (jalan, sungai, bahasa, dll): *bahasa yg ~*; **11.** masih segar atau baru (sayur-mayur, ikan, dll); **12.** bergerak cergas (perniagaan, kegiatan, dsb): *dgn tamatnya konfrontasi perniagaan Indonesia-Malaysia ~ kembali*; **13.** spt keadaan yg sebenarnya atau dilihat (lukisan, cerita, dll); **14.** bukan yg dikeringkan, diasinkan, dijeruk dsb (bkn cili, halia, kunyit, ikan, dsb): *kunyit ~; ikan ~*; **15.** bukan yg telah dikeringkan atau direka oleh manusia drpd plastik, kertas, dsb: *bunga ~*; **16.** (bkn wayar dsb) ada aliran arus elektrik: *wayar ~*;

~ *dikandung adat, mati dikandung tanah* prb waktu hidup hendaklah mengikut peraturan dan kebiasaan yg berlaku, setelah mati terserahlah kpd Tuhan; ~ *di hujung gurun orang* prb orang yg hidup melarat; ~ *dua muara* prb hidup dgn dua macam pencarian; ~ *kayu berbuah, ~ manusia biar berjasa* prb pd ketika hidup eloklah berbuat baik utk diri sendiri dan utk masyarakat; ~ *sandar-menyandar umpama aur dgn tebing* prb a) suami isteri yg berkasih-kasih; b) sahabat yg setia dan bertolong-tolongan; ~ *segan mati tak mau* prb orang yg hidup melarat (miskin atau selalu sakit-sakit); ~ *tidak kerana doa, mati tidak kerana sumpah* prb

berusahalah dgn tenaga dan fikiran sendiri dan jangan mengharapkan sangat pertolongan orang lain; *drpd ~ bercermin bangkai, lebih baik mati berkalang tanah* prb drpd hidup menanggung malu, lebih baik mati; *jauh berjalan banyak dilihat, lama ~ banyak dirasa* prb sudah banyak pengalaman; *kalau bangkai galikan kuburnya, kalau ~ sediakan buaiannya* prb tunggu dahulu dgn tenang apa yg akan terjadi, kemudian barulah dibuat pertimbangan;

**sehidup** hidup bersama; ~ *semati setia terhadap satu sama lain*;

**hidup-hidup** **1.** benar-benar hidup; **2.** = **hidup-hidupan** (dlm keadaan) masih hidup: *pengganas itu telah cuba membakar seorang majistret dan seorang pegawai polis ~*; **3.** ki benar-benar, terang-terang: *aku sudah kena tipu ~*;

**menghidupi** **1.** membiarkan hidup (tidak dibunuh): *kedua-dua anaknya itu pun berlutut di hadapan ayahnya bermohon supaya budak itu dihidupinya*; **2.** menjaga atau memelihara supaya hidup (spt diberi makan dll): *maka beberapa pun Sultan Mahmud hendak ~ Tun Ali Hati, tiada juga Tun Ali Hati itu mahu hidup*;

**menghidupkan** **1.** membuat supaya hidup (terus bernafas), tumbuh dan membesar: *mustahil kita dapat ~ semula orang yg telah mati; pembajaan yg teliti boleh ~ pokok itu*; **2.** menjadikan bergerak atau berjalan (bkn pertubuhan, perusahaan, dsb); **3.** membuat supaya berjalan (bkn enjin, jam, dsb): *berusaha ~ kembali syarikat kerjasama itu; ~ enjin keretanya*; **4.** menyalakan (api, lampu, dsb), memasang: ~ *api dapurnya*; **5.** menimbulkan kembali (sesuatu kenangan lama dsb): ~ *kenang-kenangan lama sewaktu mereka sama-sama menuntut di universiti dahulu*; **6.** menyebabkan sesuatu cerita, lukisan, dsb hidup (yakni spt keadaan yg sebenarnya): *dia begitu pandai memilih warna sehingga ~*

*lukisannya; 7. menjadikan suasana giat dan bersemangat: gelak ketawanya ~ suasana di dlm rumah itu; 8. menyebabkan timbul sesuatu perasaan, minat, dsb: ~ minat mereka utk bekerja dgn lebih keras lagi;*

**memperhidup** menjadikan lebih hidup (giat, bersemangat, dll): *rakyat harus ~ semangat bekerjasama antara kaum;*

**hidupan, hidup-hidupan** **1.** sesuatu yg hidup (binatang, tumbuhan, dll): *kuman ialah sj ~ seni yg sangat-sangat halus; ~ seni mikroorganisma; 2. = binatang ~ binatang ternakan (yg dipelihara): maka adalah drpd hidup-hidupan mereka itu drpd kerbau dan kambing dan sedikit-sedikit lembu dan ayam itik;*

**kehidupan** perihal hidup: *sejak kampung itu diganggu oleh komunis ~ penduduknya semakin sempit;*

**penghidupan** cara (menguruskan, menyelenggarakan) hidup, pencarian: *Tuan Sutan menghamun pemerintah kerana cuba menukar dan merosakkan ~nya; Badaruddin akrab dgn ~ peneroka hutan di negeri Pahang;*

**penghidup** alat atau bahan utk menghidupkan sesuatu (enjin, api dsb): *pelita ini menggunakan minyak zaitun sbg ~ nyalanya; ~ enjin elektronik.*

**hierarki** (hiérarki) susunan atau kedudukan tinggi rendah (dlm organisasi, masyarakat, dsb) berdasarkan taraf atau kekuasaan: *syarat kemasukan ke dlm ~ syarikat dan peluang utk mencapai kedudukan tinggi sebahagian besarnya ditentukan oleh tingkat pendidikan;*

**berhierarki** mempunyai hierarki: *masyarakat kasta secara unggulnya ~ sifatnya.*

**hifa** (Bio) bebenang halus yg terdapat dlm miselium kulat.

**hi-fi** (haifai) set peralatan elektronik (amplifier, penyama, alat pemain dsb) yg boleh memainkan kaset, cakera padat dsb, dan menghasilkan bunyi stereo yg bermutu tinggi.

**higrologi** kajian tentang kelembapan atmosfera dsb.

**higrometer** (higrométer) (Fiz) alat utk mengukur kelembapan relatif atmosfera.

**higroskopik** (Kim) bkn bahan yg mudah menyerap lembapan drpd udara.

**hih, hii** sr kata utk menyatakan geram dll.

**hijab** Ar **1.** kain penutup, mis tabir atau tirai; **2.** tudung labuh penutup bahagian kepala, kadang-kadang termasuk bahagian muka wanita: *masyarakat Islam ketika itu belum lagi memakai ~*; **3.** ki sekatan yg memisahkan seseorang (sesuatu) drpd yg lain, penyekat, dinding: *solat adalah masa Allah mengangkat ~ di antara-Nya dgn hamba-Nya*;

**berhijab** memakai hijab: *wanita yg ~ berpegang teguh pd etika agamanya; beliau juga menemui wanita-wanita yg ~ di rumah mereka*;

**terhijab** **1.** tertutup: *semua aurat sudah tidak ~ lagi*; **2.** ki tersekat, terhalang: *ada di antara manusia yg ~ utk mendapat pimpinan dan petunjuk drpd Allah*.

**hijau** **1.** warna spt warna daun atau rumput (banyak peringkatnya); ~ *bemban* (warna) hijau yg pekat atau yg gelap spt *bemban*; ~ *daun* a) (warna) hijau spt daun; b) sj pigmen yg terdapat pd daun-daun yg hijau: ~ *kepala itik* Kl (warna) hijau kebiru-biruan; ~ *laut* hijau spt air laut; ~ *muda* = ~ *pucuk pisang* (warna) hijau yg keputih-putihan; ~ *serindit* (warna) hijau yg lebih muda drpd (warna) hijau pucuk pisang ; ~ *tua* (warna) hijau yg kehitam-hitaman; **2.** ki masih mentah (dlm berbagai-bagai erti), kurang pengalaman: *anak-anak*

*itu masih ~, masih belum mengerti erti hidup; naik kuda ~ ki mabuk;*

**menghijau** **1.** menjadi hijau (warnanya): *padi sedang ~;* **2.** nampak hijau (warnanya): *di seberang jalan raya itu kelihatan padang bola Kolej Melayu ~ rata;*

**menghijaukan** menjadikan berwarna hijau, mewarnakan dgn warna hijau;

**kehijauan** keadaan hijau: *beberapa kawasan yg dulunya megah dgn ~nya, kini telah berubah menjadi kawasan industri;*

**kehijau-hijauan** agak hijau warnanya: *gas itu berwarna kuning ~ dan berbau sengit.*

**hijrah** Ar **1.** perpindahan Nabi Muhammad SAW dr Mekah ke Madinah;

**2.** = *tahun H~* tahun Islam yg bermula dr tarikh perpindahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah (pd tahun 622 Masihi): *Nabi Muhammad SAW wafat pd tahun 13 H~;*

**berhijrah** berpindah, meninggalkan sesuatu tempat utk pergi ke tempat lain: *pemuda-pemuda di kampung terpaksa ~ ke bandar untuk mencari rezeki yg lebih baik;*

**menghijrahkan** memindahkan (diri dll);

**perhijrahan** perbuatan atau perihal berhijrah, perpindahan;

**penghijrahan** perihal menghijrahkan (pemindahan dr satu tempat ke tempat lain);

**pehijrah** orang yg berhijrah: *bakal-bakal ~ yg hendak mendapatkan perlindungan diplomatik membanjiri pekarangan kedutaan itu.*

**hijriah** Ar bkn hijrah: *pd tahun 1423 ~.*

**hikayat** Ar **1.** cerita (khasnya cerita-cerita lama), cerita-cerita lama dlm bentuk prosa: *~ Merong Maha Wangsa;* **2.** riwayat, sejarah: *~ Iskandar Zulkarnain; ~ hidup sejarah hidup;*

**berhikayat** bercerita, beritakan;

**menghikayatkan** menceritakan atau mengisahkan sesuatu:  
*adapun dihikayatkan orang yg empunya hikayat ....*

**hikmah 1.** kebijaksanaan drpd Allah, kecerdikan: *dakwah Islam yg dijalankan mestilah dgn penuh ~ serta bertepatan dgn budaya dan iklim kemalaysiaan; Allah melakukan apa sahaja menurut kehendak-Nya dan sesuai dgn ~ yg telah ditetapkan oleh-Nya; 2.* rahsia, kelebihan atau tujuan sebenar di sebalik sesuatu perkara (kejadian, hal dsb): *rupa-rupanya kemalangan itu ada ~ di sebaliknya; poligami harus dilihat sbg syariat Allah yg pasti ada ~ dan perlu ditegakkan sekiranya mampu;*

**berhikmah** mempunyai hikmah (kebijaksanaan dsb): *pendekatan yg ~ dan berhati-hati perlu diambil dlm usaha menyeragamkan undang-undang syariah itu; generasi muda yg sering diperkatakan sbg golongan yg bermasalah harus ditangani dgn cara yg ~ dan penuh rahmat serta kasih sayang.*

**hikmat 1.** kepandaian, bijaksana: *banyak sungguh kepandaian dan ~ orang putih ini; 2.* ilmu ghaib (sihir), kesaktian: *mereka mencari ~ pula utk menawan hati tunangannya; ahli ~ = juru~ orang yg pandai ilmu ghaib; ~ perang kebijaksanaan (ilmu, mantera, dll) utk berperang; 3.* erti, maksud (yg dalam), tujuan yg sebenar drpd sesuatu: *tiap-tiap kewajiban yg ditetapkan oleh Allah dlm Islam itu mempunyai ~ bagi faedah kehidupan manusia;*

**berhikmat** mempunyai hikmat, bertuah: *keris Hang Tuah yg bernama Tamingsari itu dipercayai ~;*

**menghikmat, menghikmatkan** mengenakan hikmat (mantera, sihir, dll) kpd: *Pak Bongsu sudah menghikmatkan negeri kita ini, siapa pun masuk di sini tak selamat hidup.*



**hilang** 1. tidak kelihatan lagi, lenyap, tiada lagi: *kebakaran itu telah menyebabkan dua belas keluarga ~ rumah mereka; takkan Melayu ~ di dunia*; 2. tidak ada lagi sesuatu perasaan (spt marah, benci, suka, dsb), kepercayaan, pertimbangan, dsb: *perasaan marahnya masih belum ~ lagi; orang ramai telah ~ kepercayaan terhadapnya; dia telah ~ perhitungan dan terus menikam lawannya*; 3. tidak dikenang lagi, telah dilupakan, lenyap: *jasanya yg bertahun-tahun ~ begitu sahaja akibat perbuatannya yg tidak amanah itu*; 4. (bkn suara) tidak dapat dikeluarkan: *suaranya ~ kerana terlalu banyak bercakap*; 5. (bkn bunyi, suara, dsb) tidak ada atau tidak kedengaran lagi: *bunyi siren itu semakin lama semakin ~ drpd pendengaran kami*; 6. mati, mangkat, meninggal: *ada pun ia hidup kemudian drpd makzunya sembilan tahun, setelah itu ia pun ~;*

~ *akal* a) tidak boleh berfikir lagi, tidak tahu apa yg harus dibuat; b) agak gila (kerana hairan, kalah bertengkar, dll); ~ *dara* sudah tidak dara lagi (bkn gadis yg telah dinodai); ~ *harapan* tidak mempunyai harapan lagi; ~ *hayat, padam jiwa* mati; ~ *ingatan* = ~ *fikiran* = ~ *arwah* = ~ *semangat* a) pengsan; b) tidak berakal lagi; ~ *malu* tidak ada perasaan segan (melakukan pekerjaan yg hina lagi keji); ~ *nyawa* mati; ~~~ *timbul* a) tidak kelihatan (kedengaran) nyata; b) sebentar ada sebentar tiada;

~ *adat tegal muafakat* prb adat boleh diubah dgn persetujuan orang ramai; ~ *bini boleh dicari* ~ *budi badan celaka* prb fikiran yg jahat akan membahayakan diri sendiri; ~ *dicari, terapung direnangi, terbenam diselami* prb a) memeriksa sesuatu dgn cermat; b) menolong orang yg sedang kesusahan; ~ *di mata, di hati jangan* prb walaupun berjauhan tempat tinggal, tetapi selalu diingat dlm hati; ~ *ikan dlm kerabu* prb kejahatan akan hilang

jahatnya apabila tiap-tiap orang ikut mengerjakannya; ~ *jasa beliung*, *timbul jasa rimbas* prb lain orang yg berbakti, lain pula orang yg dipuji; ~ *kabus*, *teduh hujan* prb mendapat kesenangan setelah menderita kesusahan; ~ *kepala kura-kura ditelan oleh dadanya* prb orang yg hina tetapi berilmu tetap akan dihormati ramai; ~ *kilat dlm kilau* prb kepandaian (kebesaran) seseorang tidak kelihatan apabila ia bergaul dgn para cerdik pandai (orang-orang besar); ~ *pelanduk berganti kijang emas* prb perempuan yg bercerai dgn suaminya yg hina kemudian berkahwin dgn lelaki yg mulia; ~ *rona kena penyakit*, ~ *bangsa tidak berwang* prb orang yg tidak berharta kurang dihargai ramai; ~ *sepuh nampak senam* prb kejahatan seseorang diketahui apabila terbuka rahsianya; ~ *tak tentu rimbanya* prb hilang tak berbekas; ~ *tapak tukul*, *timbul tapak canai* prb perbuatan baik atau jahat akan hilang dilindungi oleh perbuatan orang yg kemudian; ~ *tentu rimbanya*, *mati tentu kuburnya* prb sesuatu perkara yg tentu kesudahannya; ~ *tukul ~lah pahat* prb tidak dapat berbuat sesuatu kalau tidak berteman; *patah tumbuh*, ~ *berganti* prb terus-menerus ada gantinya; *pertama ~*, *kedua terbilang* prb berani melakukan pekerjaan berbahaya utk kepentingan umum; *tonggang ~ berani mati* prb sikap gagah berani (tidak gentar) utk menjalankan kewajiban;

**menghilang** menyebabkan tidak nampak lagi, menyenyapkan diri: *orang yg menikamnya cabut lari dgn cepatnya lalu ~;*

**menghilangkan** menyebabkan jadi hilang, menyenyapkan, menghapuskan, meniadakan: *di kedai itu dia berhenti utk melepaskan lelahnya dan ~ dahaganya; ia pun ~ dirinya di dlm gelap dan menyusup balik ke biliknya;*

**kehilangan 1.** perihal hilangnya sesuatu, kematian: ~ *seorang isteri atau seorang suami yg demikian tentulah membawa kpd*

*kesedihan*; **2.** menderita kerana hilang sesuatu: *jika orang itu gempar ~ kerbaunya katakan aku tahu bertenung menentukan di mana-mana tempat kerbau itu*;

*~ muka* mendapat malu; *~ nama* mendapat nama yg buruk;

**penghilangan** perihal menghilangkan, penghapusan;

**penghilang** yg atau utk menghilangkan: *seteguk air ~ dahaga*.

**hilap** Jk lupa akan diri sendiri (sehingga sanggup melakukan sesuatu yg kurang baik).

**hilau** Mn; **berhilau, berhilau-hilau** **1.** menari beramai-ramai (di hadapan harimau atau buaya mati dll); **2.** meratapi orang mati dsb.

**hilir** **1.** bahagian sungai yg di sebelah bawah (lwn hulu atau udik): *ambillah air di sebelah ~; ayah dan ibu Ah Seng yg tinggal di sebelah ~ baris kedai itu bertanam sayur dan padi; orang ~ orang yg tinggal di daerah sungai di sebelah bawah*; **2.** = ke hilir, menghilir (mengikut aliran sungai): *maka Seri Bija Diraja pun ~lah membawa maharaja Dewa Sura kpd Bendahara Paduka Raja*;

*~ malam mudik tak singgah daun nipah dikatakan daun labu prb jika malas berusaha tentulah akan mendapat susah: sudah terlalu ~ malam, apa hendak dikatakan lagi prb a) orang yg mengaku kesalahannya sendiri kerana mungkir dlm janjinya; b) sesuatu kesalahan yg tidak dapat diperbetulkan lagi; tidak mengetahui hulu ~nya prb tidak tahu hujung pangkalnya sesuatu perkara dll*;

**berhiliran** sentiasa (selalu) mengalir, mengalir ke sana ke mari;

**menghilir** belayar (berdayung, berhanyut) ke hilir: *motobot ~ terus; berjalan ~ mudik* berjalan ke sana sini, mundar-mandir, *tak tentu ~ mudiknya* tidak diketahui sebab-musababnya (asal usulnya dll);

*bagai si jimban hendak* ~ prb orang lemah lagi lembap mengerjakan sesuatu; *spt penjaja, berpaling hendak* ~ prb perempuan yg keluar dr rumahnya dan berjalan dgn hebat dan tampan lakunya;

**menghiliri** mengikuti sungai dll menghala ke hilir, berjalan (berkayuh dll) ke hilir;

**menghilirkan 1.** membiarkan (menghanyutkan) menuju ke hilir, membiarkan menghilir, membawa sesuatu menghilir: *maka Yang Dipertuan Muda pun menyuruh hilirkan penjajapnya yg telah sedia di dlm sungai itu*; **2.** ki membawa (sesuatu perkara, hal, dll) ke arah tertentu;

**hiliran** berkaitan dgn pelbagai kegiatan yg berkembang drpd kegiatan utama (bkn industri, projek, aktiviti dsb): *pembuatan kereta ini telah mewujudkan industri ~ spt servis, penjualan kereta dsb; pembangunan KLIA dijangka meningkatkan pembangunan infrastruktur sokongan dan menggalakkan pertumbuhan ~ baru di luar kawasan Lembah Klang; peringkat ~; produk ~;*

**berkehiliran** berketentuan;

**penghiliran** perbuatan menghilir: *sepanjang ~ di sungai Lepeh.*

**hilir mudik** ke sana ke mari, pergi balik;

**sehilir semudik** satu tujuan, sefahaman, sehaluan;

**menghilir mudik** berbuat sekehendak hati; *berjalan ~ berjalan ke sana sini, mundar-mandir; tak tentu ~nya* tidak diketahui sebab-musababnya (asal usulnya dll);

**menghilirmudikkan** melakukan (memperbuat) sesuatu sekehendak hati.

**hilum** (Bio) parut yg terdapat pd bahagian selaput apabila biji terpisah drpd tangkainya.

**himar** Ar keldai.

**himbau I; menghimbau** memanggil, menyebut, menyeru nama orang dll;

**menghimbaukan** memanggil, menyerukan;

**himbauan** seruan, panggilan: *Islam memiliki ~ politik melebihi batas penggolongan geografi dan kesukuan.*

**himbau II; menghimbau** melemparkan (sesuatu) ke atas, menghambung, mengangkat ke atas: *dr jauh nampak mereka ~ pasir naik ke tebing.*

**himen** (Bio) selaput dara.

**himpang; berhimpang** tumbuh, berkecambah, bertunas: *kunyit ~ atas para, serai beranak atas dapur.*

**himpit** sangat rapat (antara dua benda dll), asak-berasak;

**berhimpit, berhimpit-himpit** sesak-menyesak, berasak-asak, bersempit-sempit: *tak sanggup aku hendak menempuh orang yg berhimpit-himpit itu;*

**menghimpit 1.** menindih (menekan dll) dgn barang yg berat, mengapit, menyesak: *nasi itu kemudiannya dihimpit dgn lesung batu utk memadatkannya; pd perasaannya bumi ini hendak ~ dia;*

**2.** ki menekan (dlm erti kiasan), mengasak, menyusahkan: *kemiskinan ~ kehidupan keluarganya;*

**menghimpitkan** menindihkan hingga tersepit, merapatkan hingga sesak-menyesak, menekankan;

**memperhimpitkan, memperhimpit-himpit-kan** merapatkan berhimpit-himpit;

**terhimpit 1.** terjepit, terapit, tertindih; **2.** ki susah (bkn kehidupan), terdesak: *kehidupannya di kampung ini makin tersepit dan ~;*

**himpitan** perbuatan menghimpit (menekan, menyesak, dll), tekanan, asakan: *mereka tidak tahan lagi menderita ~ drpd tentera Jepun itu;*

**kehimpitan** keadaan berhimpit, ketenatan: *setiap individu yg paling lasak, difikirkan berjuang di dlm ~ industri Britain.*

**himpun** (Komp) **1.** proses mengumpulkan data, subrutin, dll yg diperlukan oleh atur cara utk pemprosesan; **2.** proses menterjemah kod bahasa berlambang kpd kod mesin yg setara;

**berhimpun** berkumpul: *dgn seketika itu juga segala anak cucunya pun ~lah;*

**menghimpunkan** mengumpulkan (orang, benda, maklumat, dll): *maka baginda menyuruh ~ segala orang besar-besar di dlm negeri Samudera; JPM berusaha menyampaikan ilmu yg telah dihimpunkan oleh sarjana bidang tersebut secara sistematik;*

**terhimpun** telah dikumpulkan, terkumpul;

**himpunan** kumpulan: *sebuah ~ puisi; analisis yg menghuraikan sekumpulan ayat melalui satu ~ data;*

**perhimpunan** **1.** perihal berhimpun beramai-ramai utk sesuatu tujuan tertentu: *sekalian penghulu dan ahli bijak pandai mengadakan satu ~ besar di Padang Asam;* **2.** tempat berhimpun (terhimpunnya barang-barang dll): *maka oleh segala orang Arab dinamainya malakat, ertinya ~ segala dagangan, kerana banyak jenis dagangan ada di sana;*

**penghimpunan** perihal atau perbuatan menghimpunkan, pengumpulan;

**penghimpun;** ~ elektrik Id bateri.

**hina** **1.** rendah tarafnya (kedudukan, pangkat, dll): *mereka memandang kami sangat ~, macam anjing layaknya;* **2.** keji (perbuatan, kelakuan, dll), kurang sopan: *perbuatan itu sangat ~ dan keji;*

*ketahuan ~ mulianya* mengetahui kedudukan yg sebenarnya; ~ *budi kelakuan* yg kurang baik; ~-*dina* = ~-*lata* = ~-*leta* = ~-*papa* (orang yg) paling rendah martabat lagi miskin; *se~ selalu* nasib yg sama, seia sekata;

**berhina**; ~ *diri* merendahkan diri;

**menghina, menghinakan** **1.** memperlakukan spt orang yg hina, rendah (kedudukan dll): *biarlah saya menghina diri saya sendiri sebelum orang lain ~ saya*; **2.** menyinggung perasaan orang (memaki dll), memburukkan nama orang, mengejikan: *dia sudah tentu tak suka menghina orang dan tak suka pula dihinakan oleh orang*;

**terhina** dipandang (dianggap) hina, telah dihinakan: *dia berasa ~ dikata-kata begitu*;

**hinaan** sesuatu yg menghina: *kata-katanya mengandung ~*;

**kehinaan** perihal hina (keji, buruk, dll), kerendahan (martabat dll), kekejian: *ia telah jatuh ke dlm lembah ~*;

**penghinaan** perihal menghina(kan): *perbuatan itu dianggapnya sebagai satu ~*; ~ *mahkamah* (Udg) a) perbuatan mengingkari keputusan atau proses mahkamah; b) perlakuan biadab terhadap mahkamah.

**hinap; menghinap-hinap** memikir-mikirkan sesuatu perkara (buruk baiknya dll), menimbang, memenungkan.

**hincit** nyah, pergi: *sekarang ~lah kekanda dr sini*;

**menghincitkan** mengusir, menghalau: *dahulu kekanda ~ adinda, sekarang kekanda pergi dr sini!*

**hincut** tempang, bengkok;

**terhincut-hincut** berjalan tempang.

**hindar** pergi (dlm maksud menyuruh), nyah;

**menghindar** pergi, mengelak, menyingkir, menysih: *seolah-olah kesakitannya telah ~ dr dirinya;*

**menghindari** mengelak supaya terbias drpd (kecelakaan, serangan, dll), menjauhkan diri drpd: *pertempuran antara kita sama kita hanya dapat dihindari kalau saudara-saudara undur dr sini;*

**menghindarkan** mengelakkan (menjauhkan, menyingkirkan) drpd, membiarkan: *angkatan udara kita telah dapat ~ pengeboman atas ibu kota; jawaban yg demikian sebenarnya tidak dapat mengelakkan pertanyaan dan ~ persoalan;*

**terhindar** terluput (terlepas, bebas) drpd: *Yahya ~ drpd maut;*

**terhindarkan** dapat dihindarkan: *kesukaran yg ~;*

**penghindaran** perihal (perbuatan) menghindarkan (menghindari).

**hindik; menghindik** menekan dgn kaki bertalu-talu (spt orang menumbuk dgn lesung kaki), mengenyut.

**hindu I** Mn ark induk, nenek moyang; *mencari ~ mencari pertalian keluarga.*

**Hindu II 1.** = *agama* ~ agama yg dominan di India, yg bercirikan penyembahan banyak dewa, sistem kasta, kepercayaan pd penjelmaan semula, dsb; **2.** = *orang* ~ orang yg menganut agama Hindu.

**Hinduisme** agama Hindu.

**hingar** sangat bising: *majlis itu ~ dgn suara orang bercakap-cakap dan bertepuk sorak; ~-bangar = ~ bingar* sangat bising, riuh-rendah, hiruk-pikuk;

**menghingari** mengganggu orang dgn membuat bising: *jangan ~ budak kecil yg sedang tidur itu;*

**menghingarkan** menimbulkan suasana yg hingar, membisingkan: *jeritan kanak-kanak itu sungguh ~;*



**kehingaran** keadaan yg hingar, kebisingan: ~ *itu dibauri dgn jerit pekik yg menggamatkan.*

**hingga** **1.** garis yg terakhir, batas: *tiap-tiap sesuatu ada ~ batasnya*; **2.** sampai ke (had tempat, waktu, dll): *percakapan terhenti ~ itu, masing-masing berdiri mencari tempat sujud*; ~ *kini* sampai pd ketika ini; ~ *kini ke atas* pd masa sekarang dan selanjutnya; **3.** = **sehingga, hinggakan, sehinggakan** sampai pd keadaan (masa dll), sampai menjadi: ~ *matahari telah condong benar ke barat barulah si Tanggung berkayuh balik*; **4.** sl setelah (sudah);

**berhingga** ada batasnya (hadnya), berbatas: *air matanya bercucuran tiada ~ spt air laut*;

**menghinggakan, memperhinggakan** menetapkan batasnya (jumlah dll), membatasi, mengehadkan: *suka sangat rasa hatinya, tidak dapat diperhinggakan*;

**terhingga** terbatas, terhad: *kpd beliau ini kita berhutang budi yg tidak ~*; *maka Laksamana keluar masuk istana tiadalah ~ lagi*;

**perhinggaan** batas (batasan).

**hinggaan** ark batas: *kalau kurang modal Tuan Sultan menolong ~ berapa nakhoda suka*; → **hingga**.

**hinggap** **1.** berhenti terbang lalu bertenggek di atas sesuatu (bkn burung, lalat, dll): *kupu-kupu ~ di atas bunga mawar*; *terbang-terbang ~ tidak tentu tempat tinggalnya*; **2.** ki singgah, jatuh dan mengenai sesuatu: *kayu itu ~ betul-betul di atas kepalanya*; *tamparan yg kuat ~ di muka adiknya*; **3.** ki menimpa (bkn penyakit dll), berjangkit pd yg lain (bkn api dll): *penyakit itu telah ~ padanya*; ~ *mencengkam terbang menumpu* prb kalau merantau ke negeri lain hendaklah mencari orang yg sesuku dan apabila hendak pulang dr sana mestilah memberitahu orang itu juga; ~ *saja bagai langau, titik saja bagai hujan* prb sesuatu (kemalangan dll) yg

terjadi dgn tiba-tiba saja; *hendak ~ tiada berkaki* prb ingin berbuat sesuatu tetapi tidak berdaya;

**menghinggapi** **1.** hinggap pd, duduk (berdiri, melekat) pd: *bubur yg dihinggapi lalat itu patut dibuang*; **2.** menimpa (penyakit dll), menjangkiti (api dll): *penyakit pelagra biasanya ~ orang yg menjadikan jagung sbg makanan utama.*

**hinggut** goyang, goncang; *tak usah ~, tak tercabut* prb sesuatu yg sukar dikerjakan;

**menghinggut** menggoyang atau menggoncang (pokok dll);

**terhinggut-hinggut** bergoyang-goyang, (bergerak) berayun-ayun, bergoncang-goncang: *kereta itu ~ ketika melalui jalan yg lekuk-lekak.*

**hingus** lendir yg keluar drpd hidung;

*sakit ~ sj* penyakit kuda (bengkak pd kulit lendir hidung); *bagai budak sapu ~* prb perihal orang yg tidak tahu mengerjakan sesuatu dgn sendirinya;

**berhingus** **1.** ada atau mengeluarkan hingus: *hidungnya ~*; **2.** mentah (dlm pengalaman hidup dsb);

**menghingusi** **1.** membuang hingus drpd hidung orang lain, mengesang; **2.** ki memperdayakan;

**hingusan**; *anak ~* Id, ki masih kecil lagi: *bapanya mati ketika ia masih anak.*

**hio** C sj dupa Cina.

**hiper-** *awalan asing* terlampau atau terlebih drpd normal, mis *hiperaktif* dan *hipersensitif*.

**hiperaktif** terlampau cergas pergerakannya sehingga sukar dikawal, biasanya kanak-kanak;

**kehiperaktifan** perihal (keadaan atau sifat) hiperaktif: *masalah ~ kanak-kanak.*

**hiperbola I** (Mat) garis lengkung yg terbentuk apabila kon dipotong oleh satah (di mana sahaja kecuali di bahagian tengah).

**hiperbola II** (Lin) ungkapan (penyataan dsb) kiasan yg berlebih-lebihan atau dibesar-besarkan utk memperoleh kesan tertentu dan tidak bertujuan ditafsirkan secara harfiah, mis *askar raja itu berlaksa-laksa banyaknya*.

**hipermetropia** (hipermétropia) keadaan apabila seseorang tidak dapat melihat objek dekat dgn terang, rabun dekat.

**hiperon** (Fiz) zarah asas yg lebih berat drpd neutron atau proton.

**hiperpeka** (hiperpéka) (Ubat) hipersensitif.

**hipersensitif** (hipersénsitif) (Ubat) terlalu sensitif terhadap ubat atau bahan kimia tertentu;

**kehipersensitifan** perihal (keadaan atau sifat) hipersensitif: ~ *kulit terhadap bahan tersebut pernah berlaku*.

**hipertensi** (hiperténsi) (Ubat) tekanan darah pd arteri yg tinggi berterusan dgn tekanan sistole 140-200 milimeter merkuri atau lebih, dan tekanan diastole 90-110 milimeter merkuri atau lebih.

**hipertermia** (Ubat) keadaan suhu badan yg jauh lebih tinggi drpd paras normal.

**hipi**; *golongan* ~ golongan yg tidak mahu menerima atau tidak patuh kpd kebiasaan-kebiasaan dlm masyarakat dan melahirkan keperibadian mereka yg bebas itu menerusi cara mereka berpakaian dan cara hidup mereka.

**hipnosis** keadaan tidak sedar yg menyebabkan seseorang kelihatan spt tidur tetapi masih boleh mendengar, melihat atau memahami perkara tertentu yg diajukan kepadanya oleh orang yg menguasai mindanya ketika itu.

**hipnoterapi** (hipnotérapi) (Psi) kaedah rawatan sesuatu penyakit jiwa secara hipnosis.

**hipnotis** orang yg mengamalkan atau melakukan hipnosis.

**hipnotisme** kajian atau amalan tentang hipnosis.

**hipodermik** (Ubat) disuntik di bawah kulit (bkn dadah, ubat dsb): *jarum*

~.

**hipodermis** (Bio) **1.** lapisan sel tumbuhan yg terbentuk di bawah epidermis; **2.** lapisan sel yg merembeskan kutikel pd haiwan artropod dan sesetengah invertebrat lain.

**hipoglisemia** (hipoglisémia) (Ubat) paras kandungan gula (glukosa) yg sangat rendah dlm darah yg boleh menyebabkan seseorang sakit kepala, koma dsb.

**hipokondria** (Psi) perasaan bimbang yg keterlaluan terhadap kesihatan diri sendiri.

**hipokotil** (Bio) bahagian batang pd biji benih tumbuhan yg terletak di bawah kotiledon.

**hipokrasi** perbuatan berpura-pura baik.

**hipokrit** (orang yg) berpura-pura berperangai (berkelakuan, bersifat, dll) baik, (orang yg) memperlihatkan keadaan diri yg berlainan drpd yg sebenarnya, munafik.

**hiponim** (Lin) kata yg maknanya terangkum dlm makna kata yg lain, mis *kambing, lembu* dan *rusa* adalah hiponim drpd *binatang*.

**hiponimi** (Lin) hubungan antara hiponim dgn superordinatnya.

**hipotaksis** (Lin) penggabungan klausa dgn klausa atau ayat dgn ayat dgn menggunakan kata hubung, mis *adik menangis kerana bajunya kotor*.

**hipotek** (hipoték) IB sj gadai drpd barang-barang yg tidak bergerak (spt rumah, tanah, dll);

**menghipotekkan** menggadaikan (rumah, tanah, dll) kpd bank.

**hipotenus** (hipoténus) (Mat) sisi yg bertentangan dgn sudut tegak dlm satu segi tiga bersudut tegak.

**hipotermia** (Ubat) keadaan suhu badan yg jauh lebih rendah drpd paras normal yg boleh menyebabkan pitam, pengsan dsb.

**hipotesis** (hipotésis) sesuatu pendapat yg dianggap benar sbg alasan walaupun kebenarannya masih belum dibuktikan;

**menghipotesiskan** membuat atau menganggap sesuatu sbg hipotesis: *kaitan keadaan dgn orientasi atas dasar yg dihipotesiskan.*

**hipotetikal** (hipotétikal) bersifat hipotesis.

**hiput** tumbuh-tumbuhan yg hidup pd benda organik (spt binatang, pokok) yg telah mati dan reput, saprofit.

**hiragana** sistem tulisan silabik dlm bahasa Jepun.

**hirap** hilang, lenyap (bkn orang dll);

**menghirap** menghilang, bersembunyi, melenyapkan diri.

**hirau, menghiraukan** mempedulikan, mengacuhkan, mengendahkan, memerhatikan: *pemuda itu tidak lagi ~ pekerjaannya tetapi asyik bersenang-senang sahaja.*

**hiris** (se)potong nipis; *se~ daging;*

**menghiris** memotong nipis-nipis: *mereka sedang ~ daun pandan utk dibuat bunga rampai; ~ hati memilukan (menyakitkan) hati; bagai dihiris dgn sembilu sangat pedih rasa hati;*

**menghiriskan** memotong dgn (pisau dll), memotong utk: *tolonglah kekanda hiriskan adinda limau;*

**terhiris** **1.** menghiris atau dihiris dgn tidak sengaja: *sewaktu memotong bawang tadi, dia ~ jarinya;* **2.** ki berasa tersinggung oleh kata-kata atau perbuatan seseorang: *hatinya ~ oleh cemuhan kawan-kawannya itu;* **3.** ki berasa sedih atau dukacita: *hatinya ~ melihat keadaan kanak-kanak itu;*

**hirisan** sesuatu yg telah dihiris, hasil menghiris: *~ bawang itu ditumis;*

**penghiris 1.** orang yg menghiris; **2.** alat utk menghiris sesuatu.

**hiru-biru** kebisingan, kekacauan, kerusuhan;

**menghiru-birukan** mengacaukan, merusuh: *ada satu perkara yg musykil ~ sukmanya; → haru.*

**hirudin** (Ubat) sj bahan antigumpal yg diekstrak drpd kelenjar mulut lintah.

**hiruk;** *~-pikuk = ~-piruk* keadaan riuh-rendah, sibuk dan bising, gempar, huru-hara: *dlm ketika ~-pikuk itu, perahu-perahu lanun bertempiran lari arah ke selatan; ketawa hilai yg bercampur dgn ~-pikuk suara orang yg mabuk;*

**menghiruk** membuat huru-hara (gempar, ribut, bising, dll): *kampung itu bising sekali, dihiruk dgn pelbagai bunyi yg tidak dapat ditentukan;*

**menghirukkan** menjadikan gempar (bising dll), menggemparkan;

**penghiruk** orang yg suka membuat gempar (gaduh dll).

**hirup; menghirup 1.** menyedut dan menelan benda cair, meneguk: *dia ~ air kopinya yg masih lagi berasap-asap panas; 2.* Id menghisap, menyedut (rokok, udara, dll);

**hirupan** perihal menghirup, sedutan: *bunyi ~nya macam bunyi itik menyudu.*

**his** sr kata utk menyatakan tidak suka (jijik dll).

**hisab 1.** (per)hitungan, perkiraan: *ilmu ~ pengetahuan bkn menghitung (kira-mengira); 2.* sl hirau, endah, peduli: *maka dibedil oranglah dr darat kena kapalnya, ~ pun dia tiada;*

**menghisab** menghitung amalan baik dan buruk manusia: *maka dihisab dan dihitunglah segala kebaikan dan kejahatan mereka; aku ~ dan menghitung diriku sendiri tiap kali selesai solat;*

**menghisabkan** mempedulikan, menghiraukan, mengendahkan: *beberapa pun dipasang orang mercun dan periuk api dan tempik*

*sorak spt tagar, tiada dihisabkan oleh Belidamani, dirempuhnya juga;*

**terhisab, terhisabkan** masuk dlm hitungan, terhitung, terkira: *maka tiadalah ~ lagi banyaknya;*

**penghisaban** perbuatan atau hal menghisab.

**hisap; menghisap** memasukkan sesuatu (ke dlm mulut atau hidung) dgn tarikan udara, menyedut masuk (ke dlm hidung atau mulut): *dia ~ rokok; burung itu ~ manisan bunga; ~ benak* terlampau banyak mengambil untung dr orang lain; *~ darah* memeras orang (mengambil bunga wang dgn banyak);

**hisapan** hasil drpd menghisap, yg telah dihisap; *~ jempul* ki berita atau karangan yg direka-reka (khabar yg dibuat-buat);

**penghisapan** **1.** perihal (perbuatan) menghisap, penyedutan; **2.** ki pemerasan, pemerahan: *Rizal mencatatkan pelbagai ~ bumi Filipina oleh kekuasaan Sepanyol;*

**penghisap** **1.** orang yg menghisap sesuatu (spt rokok, candu, dadah, dsb): *Sultan Mahmud telah dikatakan oleh penulis-penulis Portugis sbg seorang ~ candu;* **2.** alat utk menghisap;

*~ darah* orang yg suka memeras orang lain (dgn mengenakan bunga yg tinggi dsb atas pinjaman wang atau dgn cara lain).

**histamina** (Ubat) sj bahan yg dibebaskan oleh tisu badan dlm tindak balas alahan.

**histerektomi** (histeréktomi) (Ubat) pembuangan rahim secara pembedahan.

**histeria** **1.** sj penyakit urat saraf yg terlihat pd letusan-letusan emosi yg tidak dapat dikawal, selap: *diserang ~;* **2.** kegembiraan atau ketakutan yg tidak dapat dikawal.

**histogenesis** (histogénésis) (Bio) pembentukan tisu dan organ drpd sel yg belum membeza.

**histogram** rajah yg terdiri drpd petak-petak segi empat bujur yg digunakan utk mewakili taburan sesuatu taburan kekerapan (berdasarkan tinggi rendah petak).

**histolisis** (Bio) penghancuran tisu.

**histologi** (Bio) kajian tentang tisu haiwan atau tumbuhan (dr segi struktur, fungsi, dll).

**histori** IB (ilmu) sejarah, tawarikh.

**historikus** IB ahli sejarah.

**historiografi** **1.** prinsip atau kaedah pengajian sejarah; **2.** penulisan sejarah; **3.** karya atau hasil penulisan berkaitan dgn sejarah: *al-Quran bukan sbg bahan analisis yg sistematik, laporan atau ~.*

**historisisme** **1.** kecenderungan utk menganggap perkembangan sejarah sbg aspek yg amat penting dlm kewujudan manusia; **2.** teori yg menekankan bahawa fenomena sosial dan budaya adalah ditentukan oleh sejarah.

**hit** bp disukai ramai (bkn lagu dsb), popular: *lagu-lagu ~ masa kini.*

**hitam** **1.** warna spt warna arang, lwn putih; **2.** ki dianggap tidak selamat kpd negara dsb: *beberapa kawasan di Pahang masih dianggap sbg daerah ~;*

*~ berkilat* warna hitam yg berkilat (agak berminyak); *~ birat* orang yg kulitnya hitam lagi hodoh; *~ kerak dodol* Kl hitam yg digemari orang, hitam manis; *~ kumbang = ~ jengat = ~ legam = ~ lengit = ~ lotong = ~ pekat* sangat hitam, hitam benar; *~ (tampuk) manggis* hitam spt kulit buah manggis; *~ manis* warna hitam kemerah-merahan (yg disukai orang); *~ mata* bahagian mata yg hitam; *~ putih* a) pernyataan bertulis sbg bukti: *kami ada bukti ~ putih yg membolehkan kami merobohkan rumah ini; sebarang perjanjian tidak akan sah kalau tidak ada ~ putih;* b) berwarna hitam, putih dan kelabu sahaja (bkn gambar, televisyen dsb): *gambar ~ putih*



*itu menimbulkan kenangan yg beraneka; bagi mereka, pd waktu itu, jika memiliki televisyen ~ putih pun, sudah berasa spt orang kaya; c) ki nasib buruk atau baik yg dialami seseorang: ~ putih kehidupannya terletak pd dirinya sendiri; ~ usam hitam yg tidak berseri (kotor); dlm ~ putih = ~ di atas putih (perjanjian dll) dibuat bertulis;*

*~ bagai pantat belanga prb perihal keburukan tabiat seseorang; ~ dikatakan putih, putih dikatakan ~ prb tidak mengatakan yg sebenarnya (berdusta, berbohong); ~ gagak tiada siapa yg mencelupnya prb orang yg berlaku jahat dgn kemahuannya sendiri; ~~~ bendi, putih-putih sadah prb yg buruk lebih berharga drpd yg cantik; ~~~ gajah, putih-putih udang kepai prb meskipun cantik rupanya yg hina tetap hina dan yg mulia tetap mulia meskipun buruk rupanya; ~~~ gula Jawa prb sungguhpun hitam tetapi manis dipandang; ~~~ kereta api, putih-putih kapur sirih prb jangan disangka sesuatu yg buruk itu selamanya kurang harganya (malahan yg cantik itu adakalanya kurang berharga); ~ mata itu takkan boleh bercerai dgn putihnya prb orang dlm percintaan tidak mudah dipisahkan; ~ tahan timpa, putih tahan sesah prb tetap tidak berubah, boleh dikaji keasliannya; ~~~ tahi minyak dimakan juga, putih-putih hampas kelapa dibuang prb barang yg buruk tetapi berguna disimpan tetapi barang yg cantik tidak berguna dibuang; rambut sama ~ hati masing-masing = rambut sama ~ hati lain-lain prb tiap-tiap orang itu berlainan pendapatnya;*

**menghitam** **1.** menjadi hitam: *Leman masih memandang ketul keledak yg telah ~ kulitnya;* **2.** kelihatan hitam (kerana banyak orang berkumpul), menyemut: *semut kelihatan ~ menghurung nasi itu;*

**menghitamkan** 1. menyebabkan jadi hitam: *ia ~ lukisannya dgn dakwat Cina; asap pelita minyak tanah itu seringkali ~ lubang hidungnya*; 2. memburuk-burukkan (pangkat, nama, dll), mencemar: *perkara itu boleh ~ nama baik guru-guru agama*; 3. Mn meninggalkan (negeri dll) dan tidak kembali lagi: *dilulurnya air matanya, biarlah negeri Padang dihitamkan buat selamanya*;

**kehitaman** hitam sekali;

**kehitam-hitaman** agak hitam.

**hitung** perihal membuat kira-kira (membahagi, mencampur, mendarab, dll); *ilmu ~ ilmu hisab; ~ panjang pukul rata, rata-rata*;

**berhitung** 1. membuat kira-kira (spt mencampur, menjumlah, dll), berkira-kira: *apa benar sukarnya berniaga, asal pandai membeli dan menjual, dan pandai ~ sedikit*; ~ kepala mencongak, mengira; 2. Mn memeriksa untung rugi (perniagaan dll);

**menghitung** 1. mengira berapa jumlahnya (pendapatannya, keuntungannya, dll), membilang (berapa banyaknya): *menanti abang lambatnya datang duduk menanti ~ bulan*; 2. menentukan atau menetapkan berdasarkan sesuatu (cara, kaedah, dll): *bayarannya dihitung mulai bulan ini; dia ~ harga barang-barang import dr Jepun itu dgn wang ringgit Malaysia*; 3. menganggap (memandang) sbg: *kalau dihitung dr segi agama suaminya memang diharuskan beristeri lagi; makanan yg kita makan itu dihitung masih belum sempurna jika tidak bersih; bagai ~ bulu kambing prb mengerjakan sesuatu yg sia-sia*;

**menghitung** mengira berkali-kali, menghitung banyak benda;

**menghitungkan** menghitung utk: *dia tidak mahu ~ aku telur itu*;

**memperhitungkan** 1. mengira-ngira berapa banyak atau jumlahnya (wang dll): *perlu sekali diperhitungkan jumlah bakal*

*pengundi menjelang pilihan raya; 2. menyelesaikan (hutang dll) dgn membuat perkiraan: hutangmu itu akan diperhitungkan dgn gajimu; 3. mengingat (memikir akan, memberi perhatian akan): soal nama tidak perlu diperhitungkan, yg penting ialah perjuangan parti; 4. mempedulikan, mengendahkan: petualang-petualang politik menggilakan kuasa dgn tidak ~ kepentingan nasional; 5. merundingkan sesuatu dgn teliti, mempertimbangkan: senang-senang dia membuat sesuatu keputusan tanpa ~ buruk baiknya;*

**terhitung** **1.** telah (sudah) dihitung (dikira); **2.** dapat atau boleh dikira, terbilang, terkira: *orang yg menonton pertunjukan kesenian di Stadium Negara tidak ~ banyaknya; 3.* tergolong dlm hitungan, termasuk dlm perkiraan: *dia menjadi seorang saudagar yg ~ kaya-raya;*

**hitungan** **1.** hasil drpd menghitung (mengira): *saya belum dapat mengesahkan ~mu; 2.* perkara (soal dll) yg perlu dikira (spt ilmu hisab, masalah, dll); ~ *angka-angka* Id mengira dgn angka-angka saja; ~ *kepala* Id pekerjaan mengira dlm kepala (mencongak); ~ *soal(an)* Id perkara berhitung yg difahamkan dr kalimat-kalimat atau cerita (masalah); **3.** = **perhitungan** pertimbangan, fikiran, pendapat: *sudah putus sahaja ~ engkau akan kahwin dgn Marah Adil, dan terus perkahwinan dilangsungkan;*

**perhitungan** perihal menghitung (mengira-ngira, mempertimbangkan, dll), pertimbangan, perkiraan: *menurut ~ itu aku mendapat 1000 ringgit keuntungan; pd ~ sekarang satu keruh itu lebih kurang dua batu setengah jaraknya; memberi malu anak gadis orang tidak baik pd ~ kanda; bila dia telah menjalani hukumannya dia akan membuat ~ dgn orang yg telah menyebabkan dia masuk penjara;*

**penghitungan** perbuatan menghitung;

**penghitung** 1. alat utk menghitung; 2. orang yg menghitung.

**HIV** kep *Human Immunodeficiency Virus* (sj virus yg menyebabkan AIDS).

**hiyayat** Ar pemberian hidup.

**Hj.** kep Haji.

**Hjh.** kep Hajah.

**hlm** kep halaman.

**hm** kep hektometer.

**ho** sr kata utk menyatakan rasa terkejut (tidak berkenan dll); **hoh.**

**Ho** simbol kimia bagi holmium.

**hob** tungku pd dapur gas atau elektrik.

**hobat** = **hobatan** sl jampi, guna-guna, mantera, sihir; *orang* ~ orang yg pandai mempergunakan jampi (guna-guna, mantera, sihir, dll);

**menghobatkan** menjampi, memanterai.

**hobi** kegemaran yg diamalkan pd waktu lapang dan bukan pekerjaan yg utama (spt mengumpul setem, membaca, dll): *dia menjadikan membaca sbg ~nya.*

**hodah** sl tempat duduk di belakang gajah.

**hodoh** 1. buruk, jelik (rupa dll); 2. terlalu bodoh (dungu);

**menghodohkan** menyebabkan buruk, jelik (rupa dll): *parut di muka memang ~ wajah;*

**kehodohan** keadaan atau sifat hodoh: *sukar utk kita mengakui ~ hidup kita.*

**hogeh** (hogéh) Pr; **menghogeh** menggoyang, menggoncang; **honggeh.**

**hogoh** Pr; **terhogoh-hogoh** 1. tergoyang-goyang (kayu dll); 2. Kl termengah-mengah (kerana penat, terlalu kuat bekerja, dll).

**hoh** sr kata utk menyatakan rasa terkejut dll; → **ho.**

**hoha, hohah** bp (keadaan, kelakuan) yg tidak tertib (teratur), berkeliaran (tidak tentu hala).

**hoi** sr kata utk memanggil atau menyahut (kurang hormat drpd hai).

**hoit** Pl panggil; → **hoi**.

**hok** Kl bergerak, beralih: ~ *sedikit*.

**Hokchia** suku kaum Cina yg berasal dr kawasan kecil dekat dgn Foochow (Fuzhou), China dan tinggal di merata tempat di dunia.

**Hokchiu** Foochow.

**hokhak** Kd (perangai) kasar, kurang sopan, tidak tertib.

**Hokkien** suku kaum Cina yg berasal dr daerah Amoy dan Fukien di tenggara China, dan tinggal di merata tempat di dunia.

**hoki** sj permainan yg dimainkan oleh dua pasukan, yg setiap satunya terdiri drpd 11 orang pemain yg mencuba memasukkan bola ke dlm gol lawan dgn menggunakan kayu pemukul khas untuknya; *kayu* ~ kayu pemukul bola (dlm permainan hoki) yg bengkok di satu hujungnya.

**hol** Id kenduri arwah yg diadakan setahun sekali, kenduri ulang tahun orang mati; *menepati* ~ mengadakan kenduri arwah.

**holistik** bersifat saling berkait antara satu sama lain sbg suatu sistem bersepadu yg menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja: *model ini bertujuan memberikan pandangan secara menyeluruh dan ~ bagi memahami konteks operasi sesuatu organisasi*.

**holmium** (Kim) sj unsur logam bersimbol Ho, yg berwarna putih perak, dan dapat ditempa.

**holofit** (Bio) tumbuhan hijau yg mensintesiskan bahan organik drpd bahan tak organik melalui fotosintesis.

**holofrasa** (Lin) kata yg mengungkapkan atau membawa makna keseluruhan ayat atau ungkapan, mis *makan?* dgn maksud *awak hendak makan?*

**holofrasis** (Lin) pengungkapan maksud seluruh ungkapan atau ayat dlm satu perkataan.

**holograf** dokumen atau manuskrip yg ditulis tangan oleh pengarangnya sendiri.

**holografi** kajian atau teknik yg berkaitan dgn penghasilan hologram.

**hologram** (Fiz) imej fotografi tiga dimensi yg terbentuk oleh alur laser.

**holozoik** (Bio) memakan organisma lain atau bahan organik (bkn binatang).

**homeopati** (homéopati) kaedah perawatan apabila pesakit diberi ubat (biasanya sedikit) yg dapat mengeluarkan gejala penyakit yg serupa spt gejala yg kelihatan apabila ubat itu diberikan kpd orang yg sihat.

**homeostasis** (homéostasis) (Bio) pengekalan ciri-ciri fizikal dan kimia tubuh dlm keadaan yg seimbang tanpa dipengaruhi oleh perubahan sekitaran.

**hominid** (Ant) anggota primat drpd famili Hominidae termasuklah manusia moden dan nenek moyang mereka yg telah pupus: *penemuan seterusnya ialah fosil tulang ~ betina berusia 3.18 juta tahun yg diberi nama Lucy yg ditemui pd 1974.*

**homisid** (Udg) pembunuhan terhadap seseorang oleh orang lain: *tuduhan yg dibacakan itu termasuk melakukan pembunuhan atau ~, dan berkelakuan tidak adil.*

**homo-** awalan asing sama, mis *homoseksual* dan *homonim*.

**homofobia** perasaan takut atau benci yg amat sangat terhadap homoseksual.

**homofon** (Lin) perkataan yg sama bunyi dgn perkataan lain tetapi berbeza maknanya.

**homofoni** (Lin) hubungan antara homofon.

**homogen** (homogén) terdiri drpd bahagian-bahagian atau unsur-unsur yg sama jenisnya;

**kehomogenan** keadaan atau sifat homogen: ~ *pendapat dlm bidang politik boleh diterangkan dgn dua proses yg berlainan.*

**homograf** (Lin) perkataan yg sama ejaannya dgn perkataan lain tetapi berbeza maknanya.

**homogram** (Lin) dua homograf atau lebih yg asal katanya berbeza, mis *abah* dgn maksud *ayah*, dan *abah* dgn maksud *arah*.

**homonim** (Lin) perkataan yg sama bunyi atau ejaannya dgn perkataan lain tetapi berbeza maknanya.

**homonimi** (Lin) hubungan antara homonim.

**Homo sapiens** (homo sapiéns) nama sains bagi manusia moden.

**homoseksual** (homoséksual) **1.** cenderung tertarik dr segi seks kpd orang yg sama jenis jantina dengannya; **2.** orang yg tertarik nafsu syahwatnya kpd orang yg sejenis dengannya, terutamanya antara lelaki dgn lelaki;

**kehomoseksualan** homoseksualiti: ~ *memang berlaku dlm mana-mana masyarakat di dunia ini.*

**homoseksualiti** (homoséksualiti) keinginan nafsu syahwat hanya kpd orang yg sama jantina dengannya, atau hubungan seks hanya dgn orang yg sama jantina dengannya.

**hompej** (hompéj) (Komp) paparan di skrin komputer yg mengandungi maklumat pengenalan tentang seseorang individu, sesebuah institusi, organisasi dsb: *UMNO negeri akan melancarkan ~ yg memuatkan perkembangan politik di Melaka dlm usaha memberikan maklumat terkini kpd rakyat.*

**hon** alat yg dibunyikan utk memberi isyarat atau amaran (ada bahaya dll): ~ *kereta berbunyi beberapa kali*;

**mengehon** membunyikan hon: *jangan ~ di sini nanti terganggu orang tidur*.

**honar I** gempar, kacau, rusuh: *suatu berita yg menimbulkan ~*;

**menghonarkan** menggemparkan, mengacaukan;

**kehonaran** kegemparan, kerusuhan, kekacauan, sensasi.

**honar II** sl tipu daya (muslihat), angkara, hati atau akal busuk: *banyak muslihatnya, banyak ~nya, banyak mainnya dan banyak tahunya; siapakah yg empunya ~ mempersembahkan kpd baginda itu?*

**hongah Kl** → **hongoh**.

**hongek** (hongék) → **honggek**.

**honggar; menghonggar** menggoncang, menggoyang (turus, tonggak, dll) supaya longgar, melonggarkan (dgn menggoncang dll).

**honggeh** (honggéh) → **hogeh**.

**honggek** (honggék) Kl; **terhonggek-honggek** terenjut-enjut (mengenjut-enjut); **hongek**.

**hongkoe** (hongkoé) C sj penganan yg dibuat drpd tepung kacang hijau.

**hongoh Kl; hongoh-hongoh, terhongoh-hongoh 1.** bersendirian tanpa menghiraukan sesuatu: *dia berjalan ~ tanpa menghiraukan kami yg berdiri di situ*; **2.** (dlm keadaan yg sangat) penat, tergotoh-gopoh; **hongah**.

**honorarium** sugu hati yg dibayar sbg membalas jasa (kpd pengarang dll): *ia mendapat ~ sebanyak 100 ringgit*.

**honoris kausa; doktor** ~ gelaran doktor yg diberikan sbg suatu kehormatan (tanpa membuat tesis), doktor kehormat.

**hop IB 1.** ketua, lurah; **2.** = *hop-daktur* bp ketua pengarang.

**hopbiro** IB ibu pejabat polis.

**hopmandur** Id, bp ketua mandur, ketua tandil.



**horas** (Batak) sr kata utk mengatakan giat, keras, kuat, hidup.

**hordeng** (hordéng) IB langsir, kain yg dipasang pd tingkap (pintu), tirai tingkap (pintu dll).

**hore** (horé) sr kata utk menyatakan rasa suka atau mengejek: ~, *kita menang!*

**horizon** lingkungan atau batas (pengetahuan minat, pengalaman, persepsi, dsb): *kanak-kanak remaja harus diberi ~ yg lebih luas.*

**horizontal** mendatar: *garis ~.*

**hormat** **1.** mempunyai pandangan yg tinggi terhadap seseorang dgn memberikan layanan yg penuh sopan, khidmat, takzim: *tetamu dipersilakan masuk ke dlm dewan dgn ~; budak itu sangat ~; diberhentikan dgn ~* diberhentikan dgn baik (bukan sebab kesalahan); **2.** perbuatan utk menyatakan rasa khidmat atau takzim: *serdadu kawalan itu pun memberi ~ dgn mengangkat tombak; 3.* menaruh penghargaan (khidmat, takzim): *wajib kita ~ kpd ibu bapa kita; (dgn) ~takzim (dgn) sepenuh hormat; dgn segala ~ dgn sepenuh takzim; gila ~* terlalu suka dihormati orang; *kurang ~* kurang sopan; *tanda ~* perbuatan dll yg menunjukkan penghargaan (takzim, khidmat);

**berhormat** mempunyai kedudukan yg dihormati atau dimuliakan: *Cikgu Amin seorang yg ~ di kampung itu; Yang B~* panggilan kpd atau kata yg dipakai sebelum nama ahli majlis mesyuarat undangan negeri atau parlimen atau orang-orang yg bergelar Datuk dsb; *Yang Amat B~* panggilan kpd atau kata yg dipakai sebelum nama Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Besar, atau Ketua Menteri;

**berhormat-hormatan, hormat-menghormati** saling memberi hormat;

**menghormati 1.** memberi (melahirkan, menaruh) hormat kpd: ~ *ibu bapanya; hormatilah orang tuamu; Rizal dihormati oleh seluruh bangsa Filipina; 2.* menerima dan mematuhi (aturan dll), menghargai, menjunjung tinggi, memuliakan: *aku ~ pendapatmu; ~ keinginanmu mencari sesuatu yg baru; Malaysia tetap ~ Perjanjian Bangkok; 3.* disegani: *ia seorang yg dipercayai dan dihormati; ia dihormati dan ditakuti oleh anak-anak kapal;*

**terhormat** (yg) sangat dihormati: *kepada yg ~ saudara Ahmad; utk pembesar-pembesar digunakan sebutan yg ~; profesion yg penting dan ~;*

**kehormat 1.** yg dihormati dan diraikan: *tetamu ~ yg akan turut dlm rapat itu ialah Perdana Menteri; 2.* yg dilantik kerana menghormati, yg diberikan sbg pernyataan hormat; *ahli (anggota) ~ ahli (anggota) persatuan dll yg dilantik kerana jasanya dll; doktor ~ gelaran doktor yg diberikan utk menyatakan hormat; 3.* yg jasanya tidak dibayar; *bendahari (setiausaha dll) ~ pegawai persatuan yg bertugas tanpa dibayar; bayaran ~ wang saku hati yg diberikan kpd seseorang (pengarang dll), honorarium;*

**kehormatan 1.** pemberian hormat (penghargaan dll): *ia mendapat ~ menjadi ketua persidangan; perajurit yg gugur itu dikebumikan dgn penuh ~; (per)barisan ~ (per)barisan utk menunjukkan hormat (kpd tetamu agung dll); bintang ~ pingat yg dikurniakan sbg pernyataan hormat (kerana jasa dll); (gelar) doktor ~ Id (gelar) doktor kehormat; gapura (pintu gerbang) ~ Id gapura (pintu gerbang) yg didirikan utk menyambut orang besar dll; gelar ~ Id gelar sbg pernyataan hormat; 2.* tumpuan hormat, (orang) yg dihormati: *beliaulah ~ penduduk-penduduk di daerah ini; 3.* Id yg dilantik kerana menghormati, kehormat; *anggota ~ ahli kehormat; ketua ~ ketua kehormat; 4.* kebesaran, kemegahan, kemuliaan,

ketinggian: *Majlis Raja-Raja bersidang kerana membincangkan perkara yg bersangkutan dgn kebesaran, ~ dan kedudukan raja-raja; dia sekarang mengejar ~*; **5.** nama baik, harga diri: *mempertahankan nyawa dan ~* ; *~ diri* kemuliaan (kemegahan) atau nama baik diri seseorang; **6.** kemurnian, kesucian (wanita): *apabila seorang pemuda menceroboh masuk ke dlm tempat tidur seorang gadis dgn niat hendak mencabul ~nya, ia akan didenda 22 rial*;

**penghormatan** perihal atau perbuatan menghormati, pemberian hormat: *rukuk dan sujud merupakan ~ seseorang hamba kpd Tuhannya*; *~ terakhir* perbuatan memberikan penghormatan kpd jenazah buat kali terakhir sebelum dikebumikan, mis menziarah, bertafakur dsb;

**penghormat 1.** yg menghormati; **2.** yg dibuat (dipakai) kerana menghormati: *barisan ~*.

**hormon** bahan kimia yg dikeluarkan dlm kelenjar endokrin dan mempunyai kesan ke atas kegiatan organ-organ lain.

**hornblend** (hornblénd) (Geo) sj mineral berwarna hitam, hijau atau coklat tua yg terdapat di dlm batuan metamorfosis dan igneus.

**hornfels** (hornfél's) sj batuan metamorfosis berwarna gelap dan berira halus yg terdiri, terutamanya drpd mika, kuarza dan feldspar.

**horologi** seni membuat jam.

**horoskop 1.** gambar rajah kedudukan bintang-bintang dua belas (zodiak) utk tujuan meramal nasib masa depan seseorang; **2.** ramalan tentang masa depan seseorang berdasarkan kedudukan bintang-bintang ketika dia dilahirkan.

**hortikultur** sains atau seni penanaman bunga, buah-buahan, dan sayur-sayuran.

**hos I** tiub yg dibuat drpd getah dsb utk menyalurkan cecair atau gas.

**hos II 1.** orang (spt tuan rumah dsb) yg meraikan tetamu (dlm sesuatu majlis, upacara, dsb); **2.** orang yg mengacarai sesuatu persembahan, program televisyen, dsb, pengacara.

**hosieri** (ERT) sarung kaki, stoking atau seluar sendat.

**hoskut** → **hauskot**.

**Hosp.** kep Hospital.

**hospital** tempat pesakit diberi jagaan dan rawatan perubatan, pembedahan, dll, rumah sakit;

~ *gila* tempat merawat orang sakit otak (gila); ~ *T.B.* tempat merawat orang yg menghidap penyakit tibi (batuk kering).

**hospitaliti** layanan yg mesra kpd tetamu (pengunjung dsb): *kursus yg berkaitan dgn pelancongan serta ~ memberikan kemahiran dlm industri perhotelan dan restoran.*

**hostel** (hostél) bangunan tempat penginapan utk pelajar dll, asrama.

**hosti** roti suci (yg dipersembahkan dlm korban Missa) Roman Katolik.

**hotak**; *kepala* ~ bk, bp satu makian.

**hot dog** makanan segera yg terdiri drpd sosej yg diselitkan dlm roti yg dibelah memanjang.

**hotel** (hotél) bangunan tempat penginapan yg menyediakan makanan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain utk orang luar yg datang mengunjungi sesuatu tempat;

**perhotelan** urusan bkn hotel.

**hotiar** Kd, bp cerewet; *banyak* ~ cerewet sangat.

**hoverkraf** sj kenderaan yg boleh meluncur di atas permukaan air atau darat.

**hua** Ar dia, ia (lelaki).

**hubah** Ar sl cinta, kasih sayang, suka.

**hubaya-hubaya** sl **1.** kata utk memperteguh nasihat (tegahan, teguran, dll), tidak boleh tidak, sekali-kali: ~ *yg kata hamba ini jangan*

*tidak diturut supaya saudara hamba sukacita dan sentosa; 2. sl kata utk menguatkan harapan atau doa, hendaknya, mudah-mudahan: marilah kita berdoa kpd Allah ~ janganlah datang lagi bala itu; 3. lebih-lebih lagi, terlebih lagi, tambahan lagi, terutama lagi (pula): akan tetapi lama-kelamaan ~ setelah didengarnya sindiran ibunya sendiri yg tajam-tajam lagi, ia pun insaf akan dirinya.*

**hubub, hububan** Ar hembusan, puputan, tiupan.

**hubung; berhubung 1.** berangkai, bersambung, beruntun (antara satu dgn lain); *huruf tulis yg ~ huruf tulis yg bersambung; 2. berkaitan dgn, berkenaan (dgn): ia berusaha menyelesaikan segala urusan yg ~ dgn tanahnya; kebanyakan bantuan mengalir ke arah kegiatan-kegiatan yg ~ dgn agama; 3. oleh sebab, kerana: ~ dgn kurangnya ahli yg datang, maka mesyuarat ditangguhkan; 4. bertukar-tukar (berita, fikiran, dll) dgn berbagai-bagai jalan: sekarang kita dapat ~ dgn saudara-mara di Medan menerusi telefon radio; bahasa ialah alat bagi manusia ~ dgn manusia lain; ~ puntung = putus ~ bp (merokok) bersambung-sambung (hampir habis rokok yg satu disambung pula dgn rokok lain);*

**berhubungan 1.** ada sangkut pautnya (dgn), bersangkutan, bertalian: *suasana di kapal menyebabkan dia melupakan segala sesuatu yg ~ dgn dirinya sendiri; ia mengutuk segala yg ~ dgn bekas isterinya itu; 2. berjumpa (dgn), bertemu (dgn), mempunyai pertemuan (dgn): ia berasa hairan kenapa rakannya itu tidak mahu ~ dengannya lagi; P.M. menjadi ketua Dewan Rakyat dan ia juga sentiasa ~ dgn P.M. Komanwel; 3. saling berhubungan;*

**menghubung** menyambung sesuatu dgn yg lain (bukan bermakna menambah panjang): *tali ini boleh dipakai utk ~ galah;*

**menghubungi** **1.** membuat perhubungan dgn seseorang utk memberitahu sesuatu (melalui surat, telefon, atau pergi sendiri mendapatkannya): *ejen-ejen polis rahsia akan terus ~nya lagi; perbincaraan ditangguhkan sehingga saksi penting dapat dihubungi polis*; **2.** menjadi sambungan kpd sesuatu, mengikuti, menuruti, menyambut (dgn): *kata-kata itu dihubungi dgn ketawa*;

**menghubungkan** **1.** menjadikan berhubungan (berangkaian, bersambungan), menyambungkan, merangkaikan: *garisan lurus yg ~ dua titik; rumah itu mempunyai dua kamar yg satu sama lainnya dihubungkan oleh sebuah pintu*; **2.** = **memperhubungkan** mempertalikan (dgn), mengaitkan (dgn): *perdaganganlah yg ~ negeri Melaka dgn kawasan-kawasan di sekelilingnya; rakyat Hirahlah yg menjadi perantaraan ~ orang Parsi dgn orang Arab*; **3.** = **memperhubungkan** mempertemukan dgn, menjadikan satu dgn, menggabungkan dgn: *ia pun ~ dirinya dgn pergerakan wanita setempat; mereka memperhubungkan kami dgn sekeluarga orang perantauan lain*; **4.** menjadikan supaya berhubungan atau bertemu: *ada jalan kereta api yg ~ Bangkok dgn Saigon*;

**hubungan** **1.** sambungan, rangkaian: *jikalau ada tersalah bahasanya atau aturan perkataannya atau ~ hurufnya, saya minta ampun banyak-banyak*; **2.** hasil berhubung: *kalau rakyat Belanda tidak sanggup melihat kebenaran ini, maka saya khawatir ~ antara Belanda dan Indonesia akan terputus*; **3.** kaitan, pertalian, sangkut paut: *utk mempereratkan ~ persaudaraan Islam; dlm ~ ini berkenaan apa yg telah dinyatakan (diterangkan) atau yg sedang dibincangkan*;

~ *darah* hubungan kekeluargaan; ~ *diplomatik* hubungan dgn perantaraan perwakilan (diplomat) antara negara-negara di dunia; ~ *dua hala* hubungan antara dua pihak yg secara langsung tidak

melibatkan pihak lain; ~ *batin* = ~ *jenis* = ~ *kelamin* = ~ *seks* persetubuhan; ~ *nyawa* kekasih, kesayangan, buah hati; ~ *ras* (Ant) hubungan sosial yg terjalin antara anggota masyarakat yg berlainan keturunan atau bangsa dlm sesebuah masyarakat atau negara;

**sehubungan** berkaitan dgn, bersangkutan dgn;

**perhubungan 1.** hubungan: *seluruh hidup manusia terdiri drpd ~nya dgn keluarga, jiran dan tetangga; pegawai ~ pegawai perantaraan* (utk menyelaraskan tugas bahagian-bahagian yg berlainan dlm ketenteraan, pejabat, dll); **2.** alat lalu lintas (jalan raya, kereta api, surat-menyurat, pos, telegram, telefon, penerbangan, pelayaran, dll): ~ *udara antara Malaysia dgn Indonesia dipulihkan sebaik-baik sahaja Perjanjian Bangkok ditandatangani; Kementerian ~ kementerian yg mengurus soal lalu lintas dll*; **3.** perihal berhubung(an) antara satu dgn yg lain (bkn negara dll): ~ *diplomati antara India dgn China semakin genting; perkara-perkara mengenai ~ dagang antara kedua-dua negara dibincangkan dgn sedalam-dalamnya;*

~ *awam* amalan menjalinkan, menggalakkan atau memupuk semangat muhibah, kemesraan, imej yg baik dsb di kalangan orang ramai oleh atau terhadap sesebuah syarikat, firma, institusi dsb; ~ *darah* pertalian kekeluargaan; ~ *perindustrian* urusan perhubungan antara pihak majikan dgn para pekerja dlm industri, biasanya melibatkan aspek-aspek perundingan secara kolektif dsb;

**penghubungan** perihal atau perbuatan menghubungkan;

**penghubung** (alat, orang, dll) yg menghubungkan(kan); *kata ~ kata* yg digunakan utk menghubungkan dua kata atau dua ayat; *tanda ~ garis* utk menghubungkan kata atau suku kata; *perwira* ~ Id pegawai perhubungan.

**hubung kait** hubungan dan perkaitan, pertalian: *negara kita sentiasa dinilai dr sudut keselamatan dan ~nya dgn cara hidup atau penghidupan kita;*

**menghubungkan** mengadakan (per)hubungan dan perkaitan, mengadakan pertalian (antara dua unsur, kegiatan, perkara, dll), memperkaitkan, mempertalikan: *kedua-duanya, hal-hal yg berkaitan dgn masyarakat umum, dan kegiatan kokurikulum di kampus, sering dihubungkan;*

**hud** **1.** bumbung kereta yg boleh dilipat; **2.** alat elektrik yg digunakan sbg penyedut asap, minyak dsb yg terpasang pd bahagian atas dapur; **3.** penutup kepala yg terlekat pd bahagian belakang leher baju.

**Hudai;** *orang* ~ orang asli yg tinggal di Kedah dan Perak.

**hudhud** Ar sj burung, burung belatuk.

**hudud** Ar **1.** (jamak bagi had) batasan atau peraturan; **2.** hukum yg telah ditetapkan oleh Allah yg tidak boleh diubah-ubah oleh manusia, spt hukum zina, murtad, dan minum arak.

**huh** sr kata yg menyatakan rasa terkejut atau menempelak (mengejek): ~, *sudah dua orang anak masih mempercayai benda-benda karut.*

**hui** sr kata yg menunjukkan kesedihan (sesal dll).

**huis** Kd → **haus II.**

**hujah I** Ar pendapat berserta alasan yg diberikan sbg menyokong atau menentang sesuatu pendirian (pandangan dsb): *masing-masing mengemukakan ~ yg kuat;*

**berhujah** mengemukakan (memajukan) hujah: *mereka ~ tentang manusia dan kemanusiaan, tentang dunia, dan keduniaan;*

**menghujah** memberi hujah (sewaktu menentang atau menyanggah pendapat orang lain): *“tahan macam mana?” Haron ~;*



**menghujahkan** memberikan hujah, mengemukakan pendapat (pandangan, alasan): *beliau ~ bahawa ancaman dr kelalaian diri itu adalah lebih berbahaya;*

**hujahan** hujah: *adanya pentafsir belum menjamin ketepatan maklumat dan ~ yg diketengahkan;*

**penghujahan** perihal memberikan hujah tentang (sesuatu), pengemukakan pendapat berserta alasan tentang sesuatu: *keupayaan menurunkan fikiran dan perasaan ke dlm bentuk tulisan dan ~ sesuatu persoalan;*

**penghujah** orang yg mengemukakan hujah (biasanya dlm perbahasan): *~ pertama bagi pihak pencadang dan pihak pembangkang perlu menggulung perbahasan masing-masing.*

**hujah II** sl fitnah;

**menghujah** memfitnah.

**hujan 1.** air yg turun (menitik dgn banyaknya) yg terpeluwap drpd wap di atmosfera: *pagi ini ~ turun dgn lebatnya; musim ~ = ketika ~ musim yg hujan selalu turun; 2. = hari ~ air sedang turun (menitik dgn banyaknya): apabila ~, banyak orang datang lambat ke pejabat; kalau ~ pertandingan bola itu tidak akan rancak lagi; 3. ki spt hujan (banyak-banyak) datangnya dll: ~ bom; ~ peluru; ~ wang;*

*~ abu a) abu yg jatuh dgn banyak dr udara (apabila gunung berapi meletus dll); b) = ~ bubuk hujan menitik halus spt kabus (biasanya pagi-pagi); ~ air mata banyak air mata dicururkan; ~ asid air hujan yg dicemari asid yg dibebaskan ke udara drpd kilang, asap kereta dll; ~ batu = ~ beku = ~ ais (jatuhnya) air hujan yg beku; ~ bubuk hujan abu; ~ bukit (Geog) hujan yg turun kerana awan yg membawa hujan tersekat oleh bukit; ~ darah a) = ~ merah hujan yg airnya kemerah-merahan warnanya dan meninggalkan kesan*

merah pd tanah; b) pertumpahan darah (kerana pergaduhan, peperangan, dsb); ~ *gerimis* = ~ *renyai* = ~ *rintik-rintik* hujan yg menitik halus-halus dan tidak banyak; ~ *lalu* = ~ *lari* = ~ *halau mentua* hujan sebentar sahaja; ~ *lebat* = ~ *deras* hujan besar dan banyak airnya turun; ~ *manik* Kl hujan yg titik-titiknya kasar sebesar biji mutiara; ~ *perolakan* (Geog) hujan yg disebabkan oleh perolakan udara panas ke atas; ~ *rahmat* a) hujan yg datang ketika ia sangat-sangat diperlukan; b) ki pertolongan dll yg mencurahkan datangnya; ~ *ribut* hujan lebat yg disertai ribut; ~ *siklon* (Geog) hujan yg disebabkan oleh udara panas yg lembap yg bergerak ke atas udara yg lebih sejuk; ~ *tahunan* banyaknya hujan jatuh dlm setahun;

~ *berbalik ke langit* prb perihal orang yg lebih (kuat, pandai, dll) meminta tolong kpd orang yg kurang (lemah, bodoh, dll); ~ *berpohon, panas berasal* prb sesuatu hal itu tentulah mempunyai sebabnya; ~ *emas di negeri orang, ~ batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri* = ~ *keris lembing di negeri kita, ~ mas perak di negeri orang baik juga di negeri kita* prb sebaik-baik negeri orang tidak sebaik negeri sendiri; ~ *menimpa bumi* prb seseorang itu mesti tunduk kpd perintah pihak yg berkuasa; ~ *tak sekali jatuh, simpai tak sekali erat* prb sesuatu pekerjaan itu tidak dapat diselesaikan dgn sekali gus; *ada ~ ada panas, ada hari boleh balas* prb nescaya akan ada peluang utk membalas kejahatan orang terhadap kita; *bagai ~ jatuh ke pasir* prb kebaikan (pertolongan dll) yg sia-sia (tidak berbalas); *ke mana tumpah ~ dr bambung, kalau tidak ke cucuran atap* prb anak itu menurut sifat atau teladan orang tuanya (sesuatu itu menurut asalnya); *tidak ~ lagi becak, inikan pula ~* prb tidak berbuat pun dikata orang, apa lagi kalau benar perbuatan kita;

**sehujan;** *garisan* ~ (Geog) garis pd peta yg menghubungkan tempat-tempat yg sama banyak hujannya;

**berhujan, berhujan-hujan** sengaja berjalan (bekerja, bermain-main, dll) dlm hujan, membiarkan dirinya basah kena hujan: *nelayan yg berpanas dan ~ di laut;*

**menghujan** spt hujan (datangnya dll banyak-banyak): *panah pun ~ datangnya;*

**menghujani** **1.** mendatangkan (melepaskan) dgn banyak-banyak (peluru dll) kpd: *pasukan kami dihujani peluru dan bom;* **2.** mendatangi sesuatu dgn banyak-banyak: *penyiasatan membuktikan adanya pancaran kosmik dr angkasa lepas yg sentiasa ~ bumi ini; kita telah dihujani surat yg menyatakan pendapat yg pro dan kontra terhadap tulisan itu;* **3.** mengemukakan banyak-banyak (pertanyaan, soalan, tuntutan, dll) kpd: *ia akan dihujani dgn seribu satu macam tuntutan lagi; pegawai penyiasat itu telah ~ Amir dgn berbagai-bagai soalan;*

**menghujankan** **1.** menurunkan hujan pd, membasahkan seseorang atau sesuatu dlm hujan: *kalau aku mungkir janji rendam aku empat puluh hari empat puluh malam atau hujankan aku;* **2.** ki menjatuhkan atau melepaskan (bom, soalan, dll) banyak-banyak;

**memperhujankan** membiarkan basah kena hujan; *mahukah orang ~ garamnya* prb mahukah kita mengabaikan diri (keluarga, negara, dll) sendiri;

**kehujanan** kena hujan, tertimpa oleh hujan: *saya ~ di jalan; kambing ~; kera ~;*

**penghujan** = *musim* ~ musim hujan; *hari* ~ hari yg selalu hujan.

**hujan angin; menghujananginkan** membiarkan kena hujan dan angin, tidak mempedulikan hujan dan angin.

**hujan-hujan I** sj tumbuhan (pokok), kayu trembesi, munggur, sulbin,  
*Enterolabium saman*.

**hujan-hujan II**; *burung* ~ sj burung hutan, burung rakit, *Cymbirhyncus macrorhyncos malaccensis*; *burung* ~ *hijau* sj burung hutan, burung tadah hujan, *Psarisomus dalhousiae psittacinus*.

**hujan panas** hujan sedangkan matahari masih bersinar-sinar;

**menghujanpanaskan** membiarkan kena hujan dan panas, tidak mempedulikan hujan dan panas.

**huji** ark suka.

**Hujjatul Islam** Ar gelaran bagi Imam al-Ghazali kerana kewibawaannya mempertahankan kemurnian Islam dgn hujah yg meyakinkan; ~ *walmuslimin* gelaran bagi ulama yg mempertahankan Islam dan orang Islam dgn hujah yg meyakinkan.

**hujung I** **1.** bahagian yg terakhir dr sesuatu yg panjang (spt jalan, tali, dll), punca, lwn pangkal: *rumahnya terletak nun di ~ jalan*; ~ *galah*; **2.** akhir (bulan, minggu, tahun, dll): *saya akan bercuti panjang pd ~ tahun ini*; *ia pulang ke kampung tiap-tiap ~ minggu*; *yg paling ~ yg kemudian (penghabisan dll) sekali*; **3.** kesudahan (percakapan, mesyuarat, dll): *kedua-dua pihak telah mengeluarkan suatu kenyataan bersama di ~ pertemuan*; **4.** tempat yg terjauh dr orang yg bercakap, tempat yg terjauh dr pusat, yg dekat dgn tepi (bandar, kampung, dll): *saya tinggal di ~ bandar Kuala Lumpur*; *suara azan dr langgar di ~ kampung sudah hilang*; **5.** bahagian yg tajam (lancip): ~ *hidung (kepala, lembing, panah, pensel, pokok, tanduk, dll)*; **6.** bahagian tanah (daratan) yg menganjur ke laut dll; ~ *tanah* bahagian selatan sekali dr Semenanjung Malaysia; **7.** tujuan (maksud) perkataan dll: *barangkali tuan-tuan dapat menangkap ~ percakapan saya itu*;

~ *lidah* a) bahagian lidah yg di hadapan sekali; b) = *sambungan* ~ Mn orang yg menyampaikan ucapan (pesanan dll) orang lain pd sesuatu majlis dll; ~ *mata* a) penjuru mata yg di sebelah luar, ekor mata; b) bahagian yg tajam pd alat pemotong (kikir, pisau, dll); ~ *Subhanallah* bp di hujung yg jauh (tidak tahu hujungnya); ~ *sut* hujung sekali; *mengadu* ~ *lidah* berbahas (bertengkar dll); *mengadu* ~ *penjahit* (*dgn*) a) bertemu muka atau mulai berkenalan (*dgn*); b) saling menunjukkan keahliannya kepintarannya, kepandaiannya, dll); c) berusaha mendapatkan nafkah dgn susah payah; *nyawa tinggal di* ~ *rambut* hampir-hampir mati, tidak ada harapan lagi (sokratulmaut); *se~ rambut* = (*sampai ke*) ~ *rambut* (sampai kpd yg) sekecil-kecilnya (sangat berkira); *tidak tentu* (*ada, tahu*) ~ *pangkal* tidak tentu hala tujuannya (hubungan satu sama lain); *jadi* ~ (*penghujung*) *lidah* prb jadi jurubicara dlm sesuatu perundingan dll;

**berhujung** 1. ada hujungnya, mempunyai hujung: *antara batu yg banyak itu ada sebuah yg ~ tajam; tidak* ~ terus-menerus (tidak berkesudahan); ~ *berpangkal* ada tujuan yg tentu atau nyata dan tersusun (percakapan dll); 2. berakhir (pd), berakibat (pd): *perundingan yg ~ kpd perdamaian; ~ minggu* berehat (bersenang-senang) di hujung minggu;

**berhujungkan** mempunyai atau memakai sesuatu sbg hujung: *sj tongkat yg ~ kait besi;*

**menghujung** 1. mendekati kesudahan (akhir, penghabisan): *musim buah sudah ~;* 2. memuncak, meruncing: *perbalahan antara dua negara itu sudah ~;*

**hujungan** sesuatu (tulisan dll) yg di hujung (buku): *dlm ~ di akhir buku ini ada dinyatakan keterangan bkn vitamin A;*

**kehujungan** kena hujung senjata, kena senjata yg tajam: *ada seorang anak Sang Nara Diraja telah kena parang oleh seorang Benggali dr ekor pipinya lalu ke kening, tetapi ~;*

**penghujung** akhir, kesudahan, penghabisan; ~ *bulan (abad, minggu, tahun, dll)* akhir bulan (abad, minggu, tahun, dll); ~ *cakap* akhir cakap, penghabisan cakap; *buah* ~ buah yg penghabisan;

**berpenghujung** ada penamatnya (kesudahannya, penghabisannya dsb): *hari demi hari dia menanti bagaikan suatu penantian yg tidak ~; tugasnya sbg suri rumah memang tidak ~.*

**hujung II;** ~ *atap* sj tumbuhan (pokok), junjung atap, *Baeckea frutescens*.

**huka;** ~ *haga* sj tumbuhan (pokok kecil), *Pellacyx spp*.

**hukah** paip utk menghisap tembakau yg mempunyai tiub panjang utk menyedut asap yg dilakukan dlm sebekas air.

**hukama** Ar (jamak bagi hakim II) kaum cerdik pandai (cendekiawan) dlm bidang falsafah: *segala pendeta dan segala ulama dan ~ menaburkan emas dan perak.*

**hukka** sl bom tangan.

**hukum 1.** peraturan yg dibuat oleh sesuatu kekuasaan (negara dll), adat yg dianggap mesti dipatuhi, undang-undang: ~ *mengerjakan sembahyang; ia telah banyak mendalami soal ~ dan undang-undang; ahli* ~ Id orang yg tahu (pakar) dlm ilmu hukum; *badan* ~ Id perkumpulan (persatuan dll) yg diperlakukan oleh undang-undang sbg orang; *ilmu* ~ pengetahuan atau falsafah mengenai undang-undang; *lawan* ~ Id melawan hak; *tata* ~ Id aturan (peraturan, sistem, susunan) mengikut hukum; **2.** ketentuan (kaedah, kepastian, ketetapan) mengenai sesuatu peristiwa atau kejadian (alam dll): ~ *alam; ~ bahasa; ~ Ampere menyatakan bahawa dua arus selari yg mempunyai haluan yg sama menarik*

*satu sama lain*; **3.** = **hukuman** keputusan (pertimbangan) yg dibuat oleh hakim (dlm mahkamah dll); *memutuskan (menjatuhkan)* ~ membuat keputusan; *kena* ~ dijatuhi hukuman; **4.** sl perintah, kekuasaan: *raja-raja dlm dunia ini dr masyrik datang ke maghrib semuanya dlm* ~ *Maharaja Rawana*;

~ *acara (tuntutan)* Id peraturan-peraturan mengenai penuntutan serta pemeriksaan dan pemutusan perkara; ~ *adat* peraturan-peraturan yg berdasarkan adat (kebiasaan), lwn hukum syarak; ~ *alam* aturan yg tentu bkn kejadian alam; ~ *Allah* takdir Allah (ketentuan Allah); ~ *asasi* perlembagaan negara; ~ *Boyle* (Fiz) hukum yg menyatakan bahawa pd suhu yg malar, isi padu sesuatu gas berkadaran songsang dgn tekanan; ~ *Coulomb* (Fiz) hukum yg memberikan nilai magnitud daya elektrik di antara dua zarah bercas; ~ *dagang* Id sistem yg mengatur hal-hal perniagaan (jual beli dll); ~ *dunia* hukum alam; ~ *Faraid* peraturan pembahagian harta pusaka dlm agama Islam; ~ *fiqah* hukum dlm agama Islam tentang perkara-perkara spt ibadat, muamalat, munakahat, dan jinayat; ~ *gantung* hukum mati dgn gantung; ~ *gereja* Id peraturan-peraturan bkn kehidupan yg berdasarkan ajaran Kristian; ~ *hakam* pelbagai jenis hukum agama Islam; ~ *Islam* = ~ *syarak (syariah)* peraturan (ketentuan) mengenai kehidupan menurut Islam; ~ *keabadian jisim* (Kim) hukum yg menyatakan bahawa dlm tindak balas kimia, jumlah jisim bahan selepas tindak balas kimia adalah sama dgn jumlah jisim bahan sebelum tindak balas; ~ *keabadian tenaga* (Kim) hukum yg menyatakan bahawa tenaga tidak dapat dicipta atau dimusnahkan tetapi dapat diubah kpd bentuk tenaga yg lain; ~ *kuasa dua songsang* (Fiz) hukum yg menyatakan bahawa keamatan sesuatu kesan (cahaya, daya graviti, bunyi, dll) pd sesuatu titik, berkadaran songsang dgn jarak kuasa

dua dr sumber kesan ke titik tersebut; ~ *perdata* = ~ *sipil* = ~ *warganegara* Id peraturan-peraturan dan ketentuan-ketentuan bkn hak dan kewajiban dll warganegara; ~ *perkadaran tentu* = ~ *komposisi tetap* (Kim) hukum yg menyatakan bahawa sesuatu sebatian kimia sentiasa mengandungi unsur-unsur yg sama mengikut perkadaran jisim yg sama tanpa mengira cara sebatian itu disediakan; ~ *pidana* Id peraturan dan ketentuan mengenai hukuman; ~ *resam* hukum adat; ~ *sains* peraturan-peraturan (ketentuan, kaedah) dlm sains; ~ *sejarah* ketentuan sejarah; ~ *tatanegara* Id peraturan dan ketentuan bkn susunan kerja dll kenegaraan;

**berhukum** **1.** menggunakan hukum, ada hukumnya; **2.** = ~ (*kpd*) berhakim (*kpd*);

**menghukum** **1.** memberi keputusan (ketetapan dll) berdasarkan undang-undang (oleh hakim), memberi seksaan (kurungan dlm penjara dll) kerana berbuat kejahatan dll: *kalau tidak dihukum atau didenda orang yg membuat kesalahan makin lebih berani lagi ia berbuat demikian; pembunuh itu telah dihukum gantung*; **2.** mengkritik, mencela keras, sama sekali tidak bersetuju: *hampir semua negara dunia ~ dasar perbezaan warna kulit Afrika Selatan*;

**menghukumkan** **1.** menghukum: *sekalian itu perkakas Hollanda menyeksakan dan ~ orang adanya*; **2.** menjadikan undang-undang (hukum), membuat hukumnya (undang-undangnya); **3.** menetapkan hukum menurut agama Islam (spt halal, haram, mubah, najis, sunat, dsb); **4.** sl memerintah (negeri, rakyat, dll): *menteri itulah yg ~ empat puluh menteri lain*;

**terhukum** kena hukum, dihukum: *saya berasa sbg ~ kerana terpaksa berjauhan dgn orang yg saya kasahi*;



**hukuman** **1.** penderitaan dsb yg dikenakan atas orang yg melakukan kesalahan (melanggar undang-undang); **2.** keputusan yg dibuat oleh hakim (Tuhan, kerajaan, dll): *mahkamah menjatuhkan ~ penjara seumur hidup terhadap kedua-dua orang pengkhianat itu; kesalahan awam tidak akan membawa kpd ~ kesalahan jenayah; orang ~ orang yg dihukum penjara dsb; ~ bunuh = ~ mati hukuman yg dijalankan dgn membunuh (menembak, menggantung) orang yg bersalah; ~ gantung hukuman mati dgn digantung; ~ kawalan* Id hukuman yg menyekat kebebasan bergerak (orang yg dihukum tidak dibenarkan bergerak bebas dan harus selalu melaporkan diri kpd polis); *~ kerakal* Id ark hukuman kerja paksa (membuat jalan, memecah batu, dsb); *~ kurungan (tutupan)* Id hukuman yg dijalankan dgn mengurung orang yg bersalah dlm penjara (bukan kerana kejahatan); *~ penjara* hukuman kurung dlm penjara; *~ rotan* hukuman yg dijalankan dgn menyebat orang yg bersalah dgn rotan;

**kehukuman** hal ehwal yg menurut hukum;

**penghukum** **1.** orang, badan dsb yg menjatuhkan (membuat atau menjalankan) hukuman: *rakyat mengakui kuasa raja sbg pengadil dan ~ bagi yg melanggar undang-undang negeri*; **2.** orang yg menentukan hukum (hal yg berkaitan dgn dosa, pahala dsb): *beliau menegaskan bahawa kita pendakwah, bukan ~.*

**hula-hula** sj tarian Hawaii yg dipersembahkan oleh penari wanita dgn menghayunkan pinggul.

**hulu** **1.** sl kepala: *lalulah diparangnya ~ baginda itu lalu mangkat; gering ~ sakit kepala (utk raja); kalang ~ bantal kepala*; **2.** = ~ *sungai* bahagian atas (sungai dll), udik, lwn hilir: *air sungai yg deras mengalir dr ~; di ~ sungai ada air terjun*; **3.** pangkal,

permulaan; ~ *hati* bahagian hati yg sebelah atas; ~ *musim* permulaan musim; ~ *malang* pangkal malang; **4.** tangkai (pisau, keris, cangkul, dll), pemegang; ~ *cangkul* tangkai cangkul; ~ *wali* pegangan pd pisau wali; **5.** pedalaman; *orang* ~ orang yg tinggal jauh di pedalaman;

~ *hilir* a) hulu dan hilir; b) hujung pangkal; ~ *kepala* ubun-ubun; ~ *mujur pandai bertenggang (bertengkar)* ~ *baik pandai memakai* prb Mn pandai membawa diri dlm pergaulan; *ke* ~ *kena bubu, ke hilir kena tingkalak* prb tidak dapat mengelak drpd bahaya; *jikalau di* ~ *airnya keruh, tak dapat tidak di hilirnya keruh juga* prb jika seseorang itu jahat asalnya maka jahat jualah kelakuannya (jika sesuatu rundingan itu sudah kusut pd permulaannya biasanya buntu juga kesudahannya); *orang terpegang pd* ~*nya, awak terpegang pd matanya* prb lawan yg lebih kuat drpd kita (dlm perjanjian atau perkara);

**berhulu** **1.** terbit di, berasal dr (sungai): *sungai itu ~ di pergunungan Titiwangsa*; **2.** mempunyai hulu, bertangkai;

**berhulukan** mempunyai hulu yg dibuat drpd, berkepalakan, bertangkaikan: *golok yg ~ buluh dan bersarungkan upih; keris ~ cula*;

**menghulu** belayar (pergi) ke hulu sungai, mudik;

**menghulukan** sl mendahului, memimpin, mengepalai: *kalau sudah tuanku yg hendak ~ dan menunjuk ajar ... kawasan patik sanggup menyerahkan jiwa raga kami*;

**huluan** berkaitan dgn pelbagai kegiatan yg berlaku sebelum kegiatan utama (bkn industri, projek, aktiviti dsb): *beliau turut mempersoalkan langkah kementerian yg bertumpu pd kegiatan di peringkat ~ dan kurang memberi perhatian pd peringkat hiliran*.

**hulubalang** **1.** ketua pasukan askar, pemimpin pasukan; **2.** (Aceh) kepala negeri (daerah); **3.** Pr gelaran orang besar yg delapan; **4.** askar pengawal; **5.** pengawal keamanan kampung, dubalang; ~ *asal* sl kepala bentara yg dr kanan; *habis* ~ *bersiak* prb apabila tiba masa, jika perlu wang, dijual apa saja yg ada.

**hulur I; menghulur** **1.** membiarkan sesuatu (spt tali dll) lepas menjadi panjang, mengumbai: ~ *tali kail*; ~ *tali layang-layang*; **2.** menjadi panjang, memanjang, mulur: *plastik kalau ditarik boleh* ~; **3.** keluar memanjang, mengunjur: *sebelah tangannya* ~ *keluar*; **4.** memanjangkan (umur, perbincangan, dll), mengundurkan masa, menunda-nunda: *penukaran jantung dapat* ~ *umur orang yg menderita penyakit jantung*; ~ *perdebatan*; **5.** memberi sesuatu kpd seseorang dgn memanjangkan tangan sedikit, mengunjukkan: *sambil* ~ *minuman dan buah-buahan ia merenungi muka suaminya*;

**menghulur-hulur** **1.** memanjang-manjangkan (waktu, perbincangan, dsb), menanggung-nanggung (janji, persetujuan, dsb); **2.** Id bp mentafsirkan (fasal dlm undang-undang, perjanjian, dll) mengikut kehendak sendiri (diluaskan atau disempitkan mengikut kehendak sendiri);

**menghuluri** memberikan (menyampaikan) sesuatu kpd: *maka oleh Kapitan Mor disuruhnya huluri cindai Tun Amat Ali dibawanya naik ke atas kapal*;

**menghulurkan** **1.** melepaskan sesuatu (spt tali dll) agar menjadi panjang: *maka tali pun dihulurkan ke bawah dan raga pun dikosongkan*; **2.** mengeluarkan memanjang, menganjurkan, menjulurkan, menyembulkan (kepala dll): ~ *lidah utk menjilat*; *lazimnya, batang tumbuh tegak ke atas dan* ~ *daun-daun ke satu arah yg sesuai utk mendapat sebanyak-banyak cahaya*; *ia*

*memanjangkan badannya yg di bahagian haluan dan ~ kepalanya;* **3.** memanjangkan, memperpanjang (masa, perbincangan, dll): *jika perlu, waktu perundingan itu boleh dihulurkan sampai beberapa hari lagi;* **4.** mengunjukkan, memberikan (dgn tangan dianjurkan): *ia mengambil segelas air dan ~nya kpd suaminya; ~ pertolongan;* **5.** Mn menghantar atau membawa sesuatu utk: *~ makanan ayah ke kebun;* **6.** menuruti (kehendak, hawa nafsu, dll): *jangan dihulurkan sangat kehendak orang itu; ~ tangan* a) menganjurkan tangan (utk bersalaman dll); b) memberikan bantuan, membantu; c) berbaik-baik kembali;  
**huluran** sesuatu yg dihulurkan, bantuan, pemberian, pertolongan;  
**penghuluran** perihal atau perbuatan menghulur(kan).

**hulur II;** *rotan* ~ sj rotan yg kuat, *Calamus ulur*.

**hulur III** sl orang yg menjadi hamba (kerana bersalah membuat kejahatan spt membunuh atau mencuri dll dan tidak dapat mengganti kerugian orang): *orang yg membunuh itu masuk ~ kpd bapa orang yg dibunuh;*

**memperhulur** menjadikan hulur.

**hum** sr kata yg menyatakan rasa kesal.

**huma** ladang padi (di tanah kering), tanah yg baru dibuka (ditebas hutannya);

**berhuma 1.** mempunyai huma; **2.** mengerjakan huma, bercucuk tanam di huma: *adalah pd masa itu segala rakyat dlm kesukaran kerana tengah ~; dikatakan ~ lebar, sesapan di halaman prb memegahkan kekayaan dll tetapi tidak ada bukti kekayaannya dll;*

**memperhumai** mengerjakan tanah utk dibuat huma: *mereka ~ tanah di bukit itu;*

**perhumaan** **1.** perihal mengerjakan huma (tanam-menanam di huma): ~ *terpaksa dijalankan kerana hujan yg sedikit itu*; **2.** tanah yg dibuat huma: ~ *mereka jauh dr kampung*.

**humanisme** **1.** sifat perikemanusiaan; **2.** faham (pendirian, sistem, dsb) yg mengutamakan nilai-nilai, kepentingan, dan maruah manusia (dan tidak mementingkan nilai-nilai atau kekuasaan lain).

**humanistik** bersifat kemanusiaan.

**humban I** = ~ *tali* = **penghumban** alat drpd tali utk melontarkan batu;

**menghumban** **1.** melontarkan batu dgn humban; **2.** melontar jauh-jauh, melempar: *maka dihumban oleh gajah akan orang yg di atas kandang itu*;

**menghumbankan** melontarkan, melemparkan: *diambil pula batu berat sepikul dihumbankannya ke kepala Awang*;

**terhumban** terjatuh dgn kuat, tercampak.

**humban II**; **menghumban** melarikan diri; → **humbas**.

**humbas**; **menghumbas** melarikan diri dgn cepat; *dihumbasnya lari lari dgn cepat*; **humban II**.

**humektan** (huméktan) (Ubat) agen atau bahan yg mengekalkan kelembapan.

**humerus** (Bio) tulang yg menghubungkan bahu dgn siku.

**humor** **1.** keadaan hati (gembira, sedih, marah senang, dll); **2.** kebolehan menyatakan sesuatu yg menggelikan hati; **3.** sesuatu yg menggelikan hati dlm cerita dll, kelucuan: *ia hanya tahu tertawa dan menyaksikan ~ pd manusia*.

**humus** bahan organik pd lapisan tanah atas berwarna hitam yg kaya dgn nutrien yg terhasil drpd tumbuhan dan haiwan yg reput: *jika tanah itu dicampur dgn baja ~, maka semua tumbuhan akan menjadi subur*;

**berhumus** ada humusnya: *oleh sebab gemburnya tanah ~ ini, maka air yg kita siram itu tidak cepat turun.*

**hun C 1.** ukuran berat yg bersamaan dgn seperatus tahlil (sepersepuluh ci atau 6.48 gm); **2.** ukuran panjang yg bersamaan dgn seperlapan inci atau 3.1 milimeter.

**huna** (Sanskrit) rumah berhala, tokong.

**hungap; menghungap, terhungap, terhungap-hungap** bernafas dgn cepat dan kembang kempis, terengah-engah (selepas berlari dll).

**hungas** Pr lari dgn kuat (kerana takut dsb), cabut lari.

**huni; berhuni** ada didiami orang, berpenduduk: *kami tahu rumah itu ~ kerana adanya cahaya lampu;*

**menghuni 1.** mendiami, menduduki: *mengapa ia mesti ~ negara yg serba asing ini?; kalau ahli bait pergi kenduri atau ke rumah orang kematian, dialah yg disuruh ~ rumah;* **2.** = **menghunikan** mengawasi, menjaga, menunggui: *betul saya lihat dia di sana, menghunikan dan menyapu-nyapu kedai induknya;*

**penghunian** perihal, perbuatan atau tindakan menghuni (rumah, bilik dsb): *kawasan itu mempunyai kadar ~ yg tinggi, iaitu sebanyak 85% ;*

**penghuni 1.** orang dll yg mendiami (rumah dll): *rumah itu berkunci, ~nya tidak ada; mereka menjadi ~ rimba dgn dada yg mengandungi bara;* **2.** hantu penunggu;

*~ dunia* manusia (binatang dll) yg mendiami dunia ini; *~ kampung* penduduk kampung;

**berpenghuni** mempunyai penghuni: *rumah itu tidak ~.*

**hunjam; menghunjam 1.** terjun atau turun dgn kepala dahulu, menjunam, menukik: *ada yg ~ dan ada pula terbang begitu sahaja;* **2.** menikam (menusuk, menancap) lurus dr atas ke bawah, masuk (menancap) lurus ke bawah: *turus-turus pagar itu*

*dihunjam kemas-kemas ke tanah; akar yg ~ ke dlm tanah; 3. ki telah meresap (ke dlm hati), telah mendalam benar (ke dlm hati): rasa kasih sayangnya sudah ~ benar ke dlm hati sanubarinya;*

**menghunjamkan** **1.** menjunamkan, menukikkan: ~ layang-layangnya menuju ke tanah; **2.** menikamkan (menusukkan) lurus dr atas ke bawah, memancangkan (menancapkan) lurus ke dlm tanah dll: *dihunjamkan lembingnya ke perut binatang itu; ~ galah ke dasar sungai; ~ lutut nan dua Mn berlutut;*

**terhunjam** **1.** (kepalanya dll) tertanam ke dlm tanah, terpacak, terpancang, tertancap (ke dlm tanah): *akar umbinya ~ jauh ke dlm bumi; 2.* (bkn perasaan) tertanam: *kalau perasaan begini yg ~ di dlm hati sanubari, alamat dunia akan celaka;*

**hunjaman** tusukan: *teman-temannya bagai mahu menelanku dgn ~ pandangan mata yg menyala.*

**hunjang** Kl; **menghunjang** menancapkan, memancangkan (tiang dll) ke dlm tanah.

**hunjin** C wang yuran.

**hunus; menghunus** mencabut atau menarik keluar (keris, pedang, pisau, dll) dr sarungnya: ~ keris; ~ cincin mengeluarkan cincin dr jari;

**terhunus** telah sedia tercabut (dr sarungnya): *memegang pedang yg ~ .*

**hupo** sj burung, *Upupa epops.*

**hurai; menghurai** menjadi lepas terbuka (berjurai dsb), menjadi (berada dlm keadaan) tidak terikat (tersimpul, berjalinan, bertaut, dsb), mengurai: *rambutnya yg berkilat dan panjang itu ~ ke hadapan;*

**menghuraikan** **1.** membuka simpul atau ikatan (tali, bungkusan, dsb), menguraikan: *ketika ~ tali itu dia teringat hendak memberi minum lembu itu; maka Hang Jebat pun minta huraikan balut lukanya; 2.* memisahkan (menceraikan) bahagian-bahagian sesuatu

utk menjelaskannya dsb; ~ *ayat* menceraikan bahagian ayat (mengikut fungsi kata-katanya, atau jenis kata-katanya); **3.** membentangkan dan menerangkan (kedudukan, masalah, kebaikan, atau keburukan sesuatu) dgn panjang lebar dan teratur: *Menteri Kewangan ~ kedudukan ekonomi negara; Profesor Hegesus terus ~ bahaya-bahaya drpd Rancangan Marshall; ~ hikmat ibadat puasa*; **4.** memecahkan (sesuatu masalah, persoalan, dsb) sbg usaha mencari penyelesaian: “*Soal tanah dan kemiskinan tak dapat dihuraikan dgn undang-undang,*” katanya;

**terhurai 1.** (berada dlm keadaan) tidak lagi terikat (tersimpul, berjalin, dsb), sudah lepas terbuka (berjurai dsb), sudah dihuraikan, terurai: *seorang perempuan muda, rambutnya ~, tunduk ke tanah; ikatan itu ~*; **2.** sudah dibentangkan (dipaparkan) dan diterangkan dgn teratur (bkn sesuatu perkara, kedudukan, masalah, dll);

**huraian 1.** keterangan yg (agak) panjang lebar lagi teratur (utk menjelaskan sesuatu perkara, kedudukan, masalah, pendapat, dll): *disediakan juga dlm buku ini ~ tentang cara menulis dan memahami karya sastera, baik sastera lama ataupun sastera moden; jawab soalan-soalan di bawah ini dgn ~ atau perbincangan yg mengandungi kira-kira 100 hingga 150 perkataan tiap-tiap satu*; **2.** hasil menghuraikan, hasil drpd yg dihuraikan, kesimpulan: *kerana orang-orang yg melakukan kesalahan itu selalunya terlepas drpd dihukum oleh kekurangan keterangan, maka satu-satunya ~ ialah membunuh lanun-lanun itu pd masa kejadian*;

**penghuraian** perihal (usaha dsb) menghuraikan: *soal ini agak rumit dan hanya dapat dibuat suatu ~ secara ringkas dan umum*;

→ **urai**.



**hurikan** taufan yg sangat kencang yg terjadi di utara Lautan Atlantik dan Laut Karibia, Teluk Mexico dan di timur bahagian utara Lautan Pasifik pantai barat Mexico.

**huru-hara 1.** dlm keadaan tidak tenteram, kacau-bilau: *negeri yg aman akan ~ akibat hasutan drpd anasir-anasir komunis*; **2.** dlm keadaan kelam-kabut (tidak keruan dsb): *dia bimbang kalau diisytiharkan pd waktu itu, akan ~lah tentera yg berperang di bawah pemerintahannya*; **3.** bp berjalan dgn tidak tentu tujuan: *janganlah ~ ke sana ke mari dgn kawan-kawan pd waktu malam*; **4.** keadaan kacau-bilau: *ahli nujum meramalkan bahawa ~ akan berlaku di negeri itu dlm tahun 1990-an*;

**menghuru-harakan 1.** menyebabkan huru-hara, mengacau-bilaukan: *gerila-gerila komunis cuba ~ negara kita, tetapi gagal*; **2.** menyebabkan huru-hara, menjadikan (keadaan) kelam kabut: *kekecohan itu telah ~ mereka*;

**kehuru-haraan** keadaan yg huru-hara, kekacau-bilauan: *~ di negara itu telah menjejaskan kedudukan ekonominya*.

**huruf** lambang dlm sistem bunyi (bahasa) yg daripadanya sesuatu perkataan dlm tulisan dibentuk, lambang-lambang abjad, aksara; *buta ~ tidak tahu membaca dan menulis*; *mata ~ huruf satu demi satu*; *tahu mata ~ = celik ~ tahu membaca dan menulis*; *menurut ~ (bkn terjemahan) kata demi kata, harfiah*; *~ awal (pangkal) huruf yg pertama pd sesuatu perkataan*; *~ balok* Id huruf tegak yg tidak bersambung (spt huruf cetak); *~ benar* konsonan; *~ besar* huruf besar digunakan utk menulis pd permulaan perkataan (pd permulaan ayat, nama orang atau tempat, dll); *~ cap* huruf tegak yg tidak bersambung; *~ cetak* huruf yg biasa dipakai dlm buku, risalah, dsb yg dicetak; *~ hidup = ~ bunyi = ~ harakah = ~ saksi* vokal; *~ Jawi* huruf Arab utk menulis kata-

kata Melayu; ~ *kawi* = ~ *winggi* tulisan Jawa Kuno; ~ *kecil* huruf yg biasa dipakai (lwn huruf besar); ~ *lepas* huruf yg tidak disambungkan (dirangkai-rangkaikan); ~ *mad* Ar huruf-huruf (alif, wau, dan ya) sbg tanda bacaan yg panjang; ~ *mati* huruf benar; ~ *miring* huruf cetak yg ditulis miring; ~ *ringkas* kependekan (spt KL utk Kuala Lumpur); ~ *Rumi* (*Rumawi*) huruf spt yg digunakan dlm tulisan Rumi bahasa Melayu (yakni A, B, C, D, dan seterusnya); ~ *sambung* huruf yg dirangkai-rangkaikan; ~ *tebal* huruf cetak yg tebal dakwatnya; ~ *tulis* huruf yg biasa dipakai dlm tulis-menulis;

**berhuruf** memakai huruf, yg ditulis dgn huruf: *buku* yg ~ *Rumi*;

**penghurufan** proses, perbuatan, seni, atau cara menulis huruf pd sesuatu.

**hurufiah** harfiah.

**hurui** Kd; **menghurui** menganginkan padi utk mengasingkan hampasnya.

**hurung I** → **urung**.

**hurung II**; **berhurung** berkerumun, berkumpul ramai-ramai atau banyak-banyak;

**menghurung** mengerubungi, mengerumuni: *semut* ~ *manisan*.

**hus**, **husy** bp, sr kata utk menyatakan rasa kesal dll.

**husar** askar (pasukan, tentera) berkuda.

**hutan** **1.** kawasan yg ditumbuhi pokok-pokok liar (terbiar), rimba: *mereka pergi ke* ~ *menahan perangkap*; *pengawas* ~ pegawai yg ditugaskan oleh kerajaan utk mengawasi hutan; **2.** ki tidak dipelihara orang, liar: *anjing* ~; *ayam* ~; **3.** pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) yg tidak dipelihara di sesuatu kawasan; ~ *asli* hutan yg semula jadi (bukan belukar); ~ *bakau* kawasan yg ditumbuhi pokok bakau (di tepi laut); ~ *banat* hutan tebal, rimba

raya; ~ *belantara* hutan besar; ~ *belukar* hutan yg ditumbuhi kayu-kayuan yg kecil-kecil; ~ *dara* hutan asli yg belum pernah diterokai; ~ *larangan* = ~ *simpan* = ~ *tutupan* hutan yg kayu-kayunya dll tidak boleh diambil (ditebang dll); ~ *lepas* = ~ *rimba* hutan yg luas dan besar, hutan belantara; ~ *lipur* hutan simpan yg dibuka utk kegunaan orang ramai sbg tempat riadah, perkelahan, dll; ~ *muda* hutan yg baru ditumbuhi pokok-pokok; ~ *rekreasi* hutan lipur; ~ *tua* hutan yg pokok-pokoknya sudah tua;

~ *jauh diulangi*, ~ *dekat dikendana* prb harta benda (baik jauh atau dekat) hendaklah selalu dijaga supaya jangan merugikan; *apa gunanya merak mengigal di* ~ prb tidak berfaedah memperlihatkan kepandaian kpd orang bodoh; *apa gunanya bulan terang dlm* ~, *jikalau dlm negeri berapa baiknya* prb lebih berfaedah pengetahuan itu ditunjukkan di dlm majlis supaya orang dapat mengambil manfaat daripadanya;

**menghutan** menjadi hutan, ditumbuhi pokok-pokok dll: *ladang yg ditinggalkan itu ~ lagi*;

**menghutankan** menjadikan (daerah, kawasan, dll) hutan: *tanah bekas ditanam tembakau dihutankan selama tujuh tahun sebelum ditanami tembakau kembali*;

**kehutanan** (ilmu, perusahaan, dll) berkenaan hutan; *pegawai ~ pegawai* yg menjalankan kerja yg berkaitan dgn hutan;

**perhutanan** pemeliharaan dll hutan;

**penghutanan** usaha (kegiatan dsb) menanam semula kawasan yg luas dgn pokok-pokok kayu supaya kembali (menjadi) spt hutan.

**hutang 1.** wang dll yg dipinjam drpd orang lain: *jangan-jangan ~ itu tak terbayar lagi*; *belian (jualan) ~ belian (jualan)* yg bayarannya ditangguhkan; *membayar* ~ mengembalikan wang dll yg dipinjam dr orang lain; *memberi* ~ memberi pinjaman wang; *menagih* ~

memungut (menuntut kembali) wang yg dipinjamkan; *mendapat* ~ mendapat pinjaman wang; **2.** kewajiban (perasaan berkewajiban) membayar balik sesuatu yg diterima;

~ *bercagar* hutang yg diberikan dgn si berhutang mencagarkan sesuatu (spt barang-barang kemas, rumah, tanah, dsb); ~ *budi* kebaikan yg diperoleh dan yg harus dibalas; ~ *darah* tuntutan bela (atau bayaran) terhadap seseorang (pihak dll) yg telah melakukan kekejaman dll; ~ *lapuk* hutang yg tidak berbayar; ~ *piutang* (wang) yg dipinjam dr dan yg dipinjamkan kpd orang lain, berbagai-bagai hutang; ~ *(di) sekeliling pinggang* terlalu banyak hutang; *surat* ~ surat pengakuan hutang;

~ *biduk belum langσαι*, ~ *pengayuh tiba pula* = ~ *samir belum langσαι*, ~ *kajang datang pula* = ~ *tembilang belum langσαι*, ~ *tajak tiba pula* prb hutang yg lama masih belum habis dibayar datang pula orang menagih hutang yg baru; ~ *sebelit (selilit) pinggang* = ~ *tiap helai bulu* = *sebanyak* ~ *si Jibun* prb seseorang yg sangat banyak hutangnya;

**berhutang** mempunyai hutang (kpd), meminjam wang dll drpd seseorang: *ia pernah* ~ *pd ceti*; *si* ~ orang yg berhutang; *tempat* ~ orang dll yg memberi hutang;

~ *berbaris* bp berhutang banyak-banyak (drpd berbagai-bagai punca); ~ *budi* menerima kebaikan orang lain (wajib membalas kebaikan orang); ~ *nyawa* terselamat hidupnya (terselamat oleh pertolongan orang);

**menghutangkan, memperhutangkan** meminjamkan wang atau benda kpd seseorang;

**terhutang** **1.** sudah berhutang; **2.** ~ *budi* sudah menerima kebaikan orang (tetapi belum berbalas);

**hutangan** Id wang (benda) yg didapati kerana berhutang; *orang* ~ Id ark orang yg berhutang;

**perhutangan** perihal hutang-berhutang; *orang* ~ Id ark orang yg memberi hutang (peminta, pemungut, atau penagih hutang);

**penghutang** orang atau pihak yg berhutang, peminjam wang: *cagaran merupakan jaminan utk pemiutang jika ~ tidak memenuhi kewajiban atau gagal membayar kembali pinjamannya.*

**huyung; terhuyung-hayang, terhuyung-huyung** bergerak-gerak (bergoyang-goyang dsb) ke kiri dan ke kanan (spt orang mabuk dsb): *petinju itu ~ apabila kena tumbukan yg kuat drpd lawannya; berjalan ~ berjalan (tetapi) spt hendak rebah (tidak tegak tubuh).*

**Hz** kep hertz.

**i I** huruf kesembilan dlm abjad rumi.

**I (ai) II** bp saya: ~ *memang gemar membaca buku karangan Hamka.*

**I III** simbol kimia bagi iodin.

**ia I 1.** kata ganti diri ketiga (bagi laki-laki atau perempuan), dia: *hari ni ~ tidak datang ke pejabat; 2.* kata ganti benda yg dibicarakan: *hatta harta yg ada akan kita bahagi-bahagikan atas keyakinan bahawa ~ menjadi bekalan yg dapat menolongnya di akhirat nanti; inilah ganti rugi saman malu yg paling besar dlm sejarah negara kita walaupun ~ hanya separuh drpd yg dituntut.*

**ia II** ya (kata yg membawa makna mengakui, membenarkan, atau bersetuju dgn sesuatu): *katanya, "I~, saya yg bersalah";*

**seia** = ~ *sekata* sama-sama bersetuju dlm semua perkara, semuafakat: *suami isteri itu hidup bahagia kerana mereka sentiasa ~;*

**beria 1.** berkata ya; **2.** bercakap-cakap, bermesyuarat;

**beria-ia 1.** bercakap-cakap, bermesyuarat: *isterinya sendiri bukanlah pantas utk lawan ~ bermesyuarat; 2.* selalu berkata ya; **3.** bersungguh-sungguh: *dia ~ benar mengajak saya ke rumahnya;*

**mengia** mengatakan ia (sbg menjawab pertanyaan dsb): *pelajar itu ~;*

**mengiakan** mengatakan ia (terhadap sesuatu), mengakui, menyetujui, membenarkan (sesuatu perkara, keterangan, cerita): *dia mengangguk-anggukkan kepalanya ~ cerita itu;*

**pengiaan** perihal mengiakan sesuatu perkara, persetujuan, pengakuan, pengesahan;

**ialah 1.** kata penghubung yg menerangkan kata atau ayat yg di depan; **2.** kata penghubung yg mendahului ayat yg menyatakan sebab (terjadinya sesuatu dll): *punca kemalangan itu ~ kecuaiian; 3.* kata yg menjadi pemerihal atau perangkai antara subjek dgn

frasa utama bagi predikat sesuatu ayat: *jumlah kematian yg disahkan ~ 22 orang;*

**iaitu** kata yg digunakan utk menentukan atau menjelaskan apa yg tersebut sebelumnya.

**iau** bunyi kucing;

**mengiau** (bkn kucing) berbunyi iau, mengeong: *dr tadi lagi, kucing itu ~, lapar agaknya.*

**iatrogenik** (iatrogénik) (Ubat) disebabkan sesuatu perawatan perubatan atau pembedahan (bkn penyakit, kemudaratan dsb): *gejala ~.*

**iba** → **hiba**.

**ibadat, ibadah** Ar bakti (khidmat) kpd Tuhan, perbuatan dan amalan yg dilakukan sbg bakti kpd atau kerana Tuhan (spt sembahyang, berdoa, bersedekah, berbuat baik sesama manusia, dll): *dia berdoa supaya semua ~nya diterima Tuhan; ahli ~ orang yg membuat ibadat;*

**beribadat** berbuat ibadat, menunaikan suruhan agama: *gadis itu taat ~ dan mengasihi kedua-dua ibu bapanya;*

**mengibadatkan** menjadikan sesuatu sbg ibadat;

**peribadatan** **1.** keseluruhan perbuatan dan amalan ibadat yg dilakukan kerana Tuhan; **2.** hal berkaitan dgn mengerjakan ibadat: *dlm seluruh ~, keikhlasan menjadi sari pati yg amat dikehendaki.*

**Iban** suku kaum peribumi yg terbesar di Sarawak, yg tinggal di merata daerah (terutamanya di Miri, Bintulu, Sibul, Kapit dan Kuching) dan juga dikenali sbg Dayak Laut.

**ibar, ibar-ibar** ark sj perahu kecil.

**ibarat** **1.** umpama, seperti, misal: *agama itu ~ suatu suluh bagi menunjukkan jalan yg lurus dan selamat;* **2.** contoh yg baik yg terkandung dlm sesuatu cerita (perumpamaan dll), pengajaran, teladan: *ambillah ~ drpd cerita itu; cerita ~ cerita yg mengandungi*

pengajaran; **3.** cerita (pantun, sajak, dll) yg dijadikan perbandingan atau kiasan (bagi mengatakan sesuatu maksud); *kias* ~ bahasa berbunga-bunga yg mempunyai erti dua lapis serta dalam maksudnya;

**beribarat** **1.** mengandung ibarat: *dia gemar benar membaca cerita-cerita yg ~*; **2.** memberi pengajaran (petunjuk) dgn menggunakan ibarat: *Tuk guru itu selalu ~ pd masa dia mengajar agama*;

**mengibaratkan** **1.** mengumpamakan, menyamakan, membandingkan (sesuatu benda dgn yg lain): *pd manusia spt inilah dapat diibaratkan pepatah: bercerai hidup umpat-umpatan, bercerai mati puji-pujian*; **2.** menganggap: *dia ~ buku sbg temannya pd waktu lapang*; **3.** mengatakan sesuatu (selalunya yg berupa nasihat) dgn berbagai-bagai kiasan.

**IBF** kep *International Badminton Federation* (Persekutuan Badminton Antarabangsa).

**ibid** (Latin) singkatan bagi ibidem.

**ibidem** (Latin) dlm buku, bab, halaman, dsb yg sama spt tersebut sebelumnya.

**iblis** kepala segala syaitan, makhluk jahat (yg kerjanya menghasut manusia supaya berbuat jahat, berkelahi, dan mengingkari perintah Allah); *perangainya macam ~* terlalu jahat (suka mengganggu orang); *digoda ~* hilang pertimbangan;

**keiblisian** (berperilaku) spt iblis: *kekhuatiran dan kegusaran yg kadangkala boleh bersifat kedajalan dan ~*.

**IBM** kep *International Business Machines*.

**ibni** Ar anak laki-laki: *Sayidina Umar ~ al-Khattab*.

**ibnu** Ar ibni.



**Ibrani** (bangsa, orang, bahasa) Yahudi kuno; *bahasa* ~ bahasa Yahudi kuno.

**ibtida** Ar permulaan; *huruf al-*~ kata pd awal tiap-tiap bab baru.

**ibu I 1.** orang yg melahirkan kita, emak: *tiap-tiap bulan, dia mengirim wang kpd ~nya di kampung*; **2.** panggilan hormat terhadap wanita yg telah berumur atau wanita yg bersuami: *kaum ~ dipersilakan duduk di hadapan*; **3.** bahagian yg besar (induk, utama, pusat, dll) drpd sesuatu (spt pejabat dll); *rumah ~ bahagian yg besar atau bahagian tengah sesebuah rumah*; **4.** ki inti: *surah al-Fatihah sbg ~ kpd al-Quran*;

~ *afrit* ketua dlm satu kumpulan budak-budak nakal; ~ *ayam* perempuan yg memperdagangkan pelacur; ~ *haruan* orang yg suka mengusik atau menyakat orang lain (biasanya kanak-kanak); ~ *jari* = ~ *tangan* jari yg besar antara jari-jari tangan; ~ *kaki* jari yg besar antara jari-jari kaki; ~ *kandung* ibu yg sebenar; ~ *keladi* orang tua yg masih berkelakuan spt orang muda-muda; ~ *kelung* gajah betina yg digunakan utk memikat gajah liar; ~ *kota* = ~ *negara* = ~ *negeri* bandar yg menjadi pusat pemerintahan sesebuah negeri; ~ *kuih* ragi (benda yg dibubuh dlm adunan supaya kuih naik); ~ *mentua* ibu kpd isteri (suami); ~ *mutiara* bahan yg keras, licin dan berkilat yg menjadi lapisan atau selaput kulit tiram terutamanya digunakan utk membuat butang, barang perhiasan, dll; ~ *panah* busar; ~ *pasir* pasir yg kasar-kasar; ~ *pejabat* pejabat besar; ~ *pemalas* orang yg sangat malas; ~ *pembohong* orang yg selalu bercakap bohong; ~ *pertiwi* negeri tempat tumpah darah (negeri sendiri); ~ *roti* sj yis yg menjadikan doh roti naik, kembang dan gebu; ~ *saraf* pusat urat saraf; ~ *saudara* adik perempuan atau kakak kepada ibu (bapa) kita; ~ *sawat (telekom)* pusat suis atau pensuisan yg merangkaikan atau menghubungkan talian-talian

telefon: *kegunaan telefon tanpa dail memerlukan sambungan oleh operator di ~ sawat telekom; ~ sungai* sungai besar yg mempunyai beberapa buah anak sungai; *~ suri* bonda raja; *~ susu* perempuan yg menyusui seseorang kanak-kanak yg bukan anaknya sendiri; *~ tangga* kayu (buluh) tempat anak tangga dipakukan atau diikat; *~ tunggal* wanita bergelar ibu yg membesarkan serta mendidik anaknya seorang diri tanpa kehadiran suami kerana perceraian, kematian dsb;

*spt anak ayam kehilangan* ~ prb rakyat yg berpecah-belah atau hilang akal kerana kehilangan pemimpin (kesusahan kerana bercerai dgn sahabat karib);

**beribu 1.** mempunyai ibu; **2.** menganggap sbg ibu;

**beribukan** mempunyai sbg ibu: *isteri yg ~ orang berharta;*

**keibuan** sifat-sifat ibu, kewanitaan: *perasaan ~ memang cepat tumbuh di kalangan anak-anak perempuan;*

**peribuan** perindukan.

**ibu II;** *~ gema* sj ikan laut, *Pseudosciaena diacanthus.*

**ibu angkat** perempuan yg membela anak orang;

**beribuangkatkan** mempunyai seseorang sbg ibu angkat: *dia pernah ~ seorang wanita Inggeris ketika belajar di luar negara dulu.*

**ibu bapa** orang tua (yakni emak dan ayah);

**keibubapaan** (sifat, hal, dsb) yg berkaitan dgn ibu bapa: *dgn adanya ilmu ~ ini, mereka tidak akan meraba-raba dlm kesamaran.*

**ibu tiri** isteri bapa yg bukan ibu yg sebenar;

**beributirikan** mempunyai seseorang sbg ibu tiri: *untunglah nasib anak-anak itu kalau dapat ~ orang yg bertimbang rasa dan penyayang.*

**ibul** = *nibung* ~ sj tumbuhan (palma yg buahnya beracun), tukas, *Orania macrocladus*.

**ibun** (Geog) keadaan yg wujud apabila suhu permukaan bumi jatuh di bawah takat beku (0°C atau 32°F) sehingga terbentuknya hablur air yg halus-halus, fros;

~ *abadi* tanah lapisan bawah yg beku sepanjang tahun spt yg terdapat di kawasan kutub; ~ *beku* hablur ais yg halus-halus berwarna putih yg melitupi permukaan tanah, objek dsb, yg terbentuk drpd embun atau wap air yg beku, terutamanya pd waktu malam, fros.

**ibunda** bonda, ibu (lebih hormat).

**ibung** ark ibu, emak.

**ibus** sj tumbuhan (palma yg daunnya boleh dibuat tikar), *Corypha gebanga*.

**icak-icak** Mn, bp pura-pura, bukan yg sebenarnya, palsu; ~ *sakit* pura-pura sakit; *kepala kampung* ~ bukan ketua kampung yg sebenarnya.

**icip** Jk; **mengicip**, **mengicipi** mengecap, merasa masakan.

**IC** bp kad pengenalan.

**ICT** kep *Information and Communications Technology* (Teknologi Maklumat dan Komunikasi).

**ICU** kep *Intensive Care Unit* (unit rawatan rapi).

**id** (Psi) bahagian minda yg berhubungan dgn naluri dan dorongan bawah sedar.

**idah** I sl hantaran oleh seorang laki-laki kpd perempuan sbg tanda mengikat tali percintaan;

~ *gelap* pemberian tanda percintaan dgn tidak bercadang hendak berkahwin (utk berkendak); ~ *terang* pemberian tanda percintaan dgn maksud hendak berkahwin;

**mengidah** menyatakan percintaan dgn jalan memberi idah;

**mengidahkan** memberikan sesuatu sbg tanda percintaan.

**idah II** Ar masa yg wajib dinanti oleh seseorang perempuan utk membolehkannya berkahwin lagi dgn lelaki lain (dua kali suci haid bagi perempuan yg bercerai ketika suci drpd haid, setelah melahirkan anak bagi perempuan yg mengandung dan tiga bulan bagi perempuan yg putus haid kerana tua atau yg belum keluar haid kerana masih kecil): *setelah lepas ~nya, perempuan itu pun berkahwin dgn seorang guru sekolah; sampai ~ telah lepas masa menanti (boleh berkahwin lagi);*

**beridah** menjalani idah: *perempuan yg diceraikan itu wajiblah ~ selama tiga kali suci.*

**Idahan** suku kaum peribumi di Sabah, kebanyakannya tinggal di Lahad Datu, dan kegiatan utamanya berniaga sarang burung.

**idam I** keinginan hendak makan sesuatu (terutama benda yg masam-masam) oleh perempuan yg hamil;

**mengidam 1.** ingin benar hendak makan sesuatu (bkn perempuan yg hamil): *tuan puteri itu sedang ~; 2.* sangat ingin akan atau berkehendakkan sesuatu: *dia sudah lama ~ utk tinggal di rumah banglo;*

**mengidamkan, mengidam-idamkan 1.** sangat ingin makan sesuatu: *isterinya ~ buah mempelam; 2.* sangat-sangat berharap mendapat sesuatu: *ibunya ~ seorang menantu yg berjawatan tinggi;*

**idaman, idam-idaman** hasrat, keinginan, sesuatu yg diidam-idamkan: *dia selalu mengenangkan gadis ~nya.*

**idam II** ark; **mengidam** menghidap, menderita (sakit dll).

**idap** Jw ark bulu mata.

**idas** Mn; **mengidas** memilin dua atau tiga utas benang dll menjadi satu:  
*jikalau diukur, sama panjang, jikalau diidas sama besar.*

**IDD** kep *International Direct Dialling* (Panggilan Terus Antarabangsa).

**ide** (idé) IB idea.

**idea** (idéa) buah fikiran, gagasan: *semua ~ yg dikemukakannya bagus tetapi sukar hendak dijalankan.*

**ideal** (idéal) **1.** (dianggap) sempurna atau paling sesuai, sesuai dgn yg dicita-citakan (diangan-angankan, dikehendaki, dsb), unggul: *tempat yg ~ utk berkelah; pasangan yg ~;* **2.** wujud dlm fikiran sahaja, impian;

**mengidealkan** menganggap (memandang) sesuatu sbg yg ideal: *dia memperlihatkan kesalahan anggapan orang yg ~ sesuatu.*

**idealis** (idéalis) **1.** orang yg mempunyai pandangan (fikiran) atau cita-cita yg unggul-unggul atau tinggi-tinggi; **2.** orang yg tidak realistik pandangannya dsb (dipengaruhi oleh idealisme).

**idealisme** (idéalisme) **1.** sifat (sikap atau perbuatan) melihat atau mencita-citakan sesuatu dlm bentuk yg ideal, sifat (sikap, cita-cita, dsb) menghasratkan yg unggul (yg sempurna): *kekuatan inilah yg membezakan cerpen sbg karya seni yg mempunyai nilai estetik drpd cerpen yg hanya utk menyampaikan ~ pengarangnya; Allan Bloom memaparkan persekitaran politik dan sosial yg tidak banyak mendorong masyarakat utk membaca tidak ada minat tentang falsafah, tidak ada ~ dlm hidup;* **2.** hasrat atau cita-cita yg unggul tetapi tidak realistik (tidak berkemungkinan tercapai atau menjadi kenyataan), hasrat atau cita-cita yg lebih merupakan impian: *ini memperlihatkan ~ si ibu tidak tercapai, akibat angkara kejahatan di sekitarnya; pd satu pihak, bahasa baku menjadi ~ dan impian;* **3.** aliran (penulisan, seni) yg bersifat impian atau khayalan (dgn memaparkan keunggulan, kesempurnaan, keindahan, dsb) yg

berlainan sama sekali drpd kenyataan: ~ sbg satu aliran seni merupakan satu aliran yg bertentangan dgn realisme.

**idealistik** (idéalistik) bersifat idealis (bkn orang) atau berasaskan idealisme (bkn pendirian, pandangan, cita-cita, dsb): *amat terasa mereka cukup ~ dan menggunakan drama utk menampung idea-idea yg bergejolak dan mengetengahkan persoalan-persoalan yg erat kaitannya dgn pembangunannya dan kebangkitan satu umat baru; dlm detik-detik ketenangannya yg romantik, beliau mengarang novel yg jelas gagal akhirnya kerana amatlah sulit bagi seorang seniman hendak menjadi orang politik yg ~.*

**idem** (Latin) sama spt yg tersebut sebelumnya.

**identifikasi** (idéntifikasi) perbuatan menganggap sama dgn: *sesuatu pekerjaan di Jepun bukan sekadar satu peraturan kontrak utk mendapatkan gaji tetapi merupakan satu ~ dgn sebuah entiti yg besar;*

**mengidentifikasikan** **1.** mengenal pasti, menentukan identiti: *masalah yg paling menonjol, agaknya, adalah tentang bagaimana boleh diidentifikasikan sikap kebaikan atau keberkesanan mengajar; banyak masalah yg diidentifikasikan dlm artikel-artikel tersebut; **2.** menganggap sama dgn: *secara am, orang ~ dialek dgn negeri.**

**identiti** (idéntiti) sifat-sifat (ciri-ciri dsb) yg terdapat pd seseorang atau sesuatu yg sbg suatu keseluruhan memperkenalkannya atau mengasingkannya drpd yg lain: *kalau asimilasi menekankan peresapan kaum-kaum pendatang serta kehilangan ~ mereka, maka akomodasi membenarkan penerusan dan pengejalan warisan kebudayaan dan ~ masing-masing; ideologi demikian memperlihatkan satu imej dan ~ negara yg baru;*

**beridentiti** mempunyai identiti, ada identitinya;

**beridentitikan** mempunyai sesuatu sbg identiti: *suatu ideologi yg ~ diri kita.*

**ideograf** (idéograf) □ → **ideogram**.

**ideogram** (idéogram) **1.** tanda atau lambang yg memperlihatkan konsep, idea, dsb; **2.** lambang yg digunakan dlm sistem tulisan yg mewakili satu konsep spt dlm tulisan Cina dan Jepun.

**ideologi** (idéologi) faham (ajaran) yg dipakai atau yg dicita-citakan utk dasar pemerintahan dll: *demokrasi ialah satu ~ yg diagungkan oleh orang-orang yg bertamadun;*

**berideologi** mempunyai ideologi, ada ideologinya;

**berideologikan** menggunakan sesuatu fahaman sbg ideologi: *sistem politik yg ~ nasionalisme.*

**idil** (Sas) puisi atau prosa yg menggambarkan suasana kehidupan yg aman, damai atau tenteram, terutamanya di desa: *puisi ~.*

**idiofon** (Lin) bunyi bahasa yg khusus bagi sesuatu idiolek.

**idiolek** (idiolék) (Lin) variasi bahasa seseorang individu: *walaupun seorang penutur bahasa Melayu itu mempunyai dialek dan ~nya sendiri, bahasa Melayu baku mestilah digunakan dlm situasi formal.*

**idiom** bp simpulan bahasa.

**idiomatik** **1.** berupa, mempunyai atau penuh dgn kiasan: *sebuah ungkapan yg ~;* **2.** mengikut jalan bahasa (loghat dsb) tertentu: *mereka bercakap dlm bahasa Sepanyol yg lancar dan ~.*

**idiopati** (Ubat) penyakit atau masalah kesihatan yg puncanya tidak diketahui.

**idiosinkrasi** cara berfikir dan berkelakuan yg aneh pd diri seseorang: *mungkin manifestasi itu merupakan ~ seseorang individu.*

**idiosinkratik** bersifat idiosinkrasi: *tumpuan Moore yg ~ dan tidak bercorak duniawi.*

**idola** orang yg sangat diminati (dikagumi dsb), mis tokoh politik, penyanyi, bintang filem dsb;

**mengidolakan** meminati atau mengagumi seseorang atau sesuatu dgn keterlaluan, memuja-muja: *bahkan dia ~ peninju itu sama spt bintang bola sepak yg diminatinya.*

**iffah** Ar pengekaan hawa nafsu: *orang yg termasuk dlm golongan ~ ialah orang yg sempurna kelakuannya.*

**ifrit** Ar satu golongan jin yg jahat, afrit: *kelakuannya macam ~.*

**iftar** Ar berbuka puasa.

**iftirasy** Ar = *duduk* ~ duduk (dlm solat) dgn telapak kaki kiri dijadikan alas utk duduk sementara telapak kaki kanan ditegakkan dgn jari-jari kaki kanan menghadap kiblat (ketika duduk antara dua sujud dan duduk membaca tahiyat awal).

**iftitah** Ar pembukaan (permulaan): *doa* ~ doa yg sunat dibaca selepas takbiratulihram (sebelum membaca surah al-Fatihah dlm sembahyang).

**iga** Jw tulang rusuk.

**igal I; mengigal 1.** menegakkan dan mengembangkan bulu ekor (spt burung merak, ayam belanda): *berkokok mendung, merak ~, fajar sedang menyinsing naik; 2.* menari dgn menunjukkan rupa yg gagah: *ada yg ~, ada yg menari; spt merak ~ di tengah hutan* prb menunjukkan lagak (pandai dll) bukan pd tempatnya.

**igal II** Ar sj ikatan yg dipakai di kepala oleh orang laki-laki Arab (diikat di atas kain penutup kepala supaya tidak jatuh): *dia memakai ~ yg dibelinya di Mekah.*

**igap** Kl, **igat** Tr tangkap; **rigap, rigat.**

**igau I; mengigau 1.** bercakap pd masa tidur, meracau (semasa sedang tidur): *Min, kau ~ nak, mengucaplah; 2.* bercakap yg tidak tentu



hujung pangkalnya, meracau; **3.** bercakap yg bukan-bukan, merepek;

**mengigaukan** memimpikan sesuatu, mengigau dgn menyebut sesuatu: *entah apa yg diigaukannya semalam;*

**terigau-igau** termimpi-mimpi: *kecantikan dan kehalusan budi gadis itulah yg menyebabkan ramai pemuda kampung itu ~ kepadanya;*

**igauan 1.** apa yg disebut pd waktu mengigau: *tiba-tiba dia terdengar pula rintihan dan ~ isterinya;* **2.** cakap yg bukan-bukan;

**igau-igauan** dlm keadaan mengigau, sudah bangun tidur tetapi masih lagi mengantuk;

**pengigau** (orang yg) selalu mengigau.

**igau II** Mn huru-hara, gempar, kekacauan;

**terigau** terkejut oleh sesuatu;

**igau-igauan** riuh-rendah, heboh kerana ramai orang.

**iglu** rumah orang Eskimo yg berbentuk spt kubah (dibuat drpd ketul-ketul besar air batu atau salji keras).

**igneus** (ignéus); *batu* ~ batu yg terbentuk drpd magma atau lahar yg memejal di permukaan atau di bawah permukaan bumi: *batu di Asia Tenggara terdiri drpd tiga jenis yg utama: batu mendak, batu ~, dan batu jelmaan.*

**I'gris** kep Inggeris.

**igu** Kl bahagian tenggala yg diletakkan di tengkuk lembu (kerbau).

**iguana** sj binatang yg menyerupai sumpah-sumpah tetapi lebih besar, drpd genus *Iguana*, yg mempunyai sirip spt duri di belakang badan, hidup di pokok, dan biasanya terdapat di bahagian tropika Amerika.

**ihram** Ar **1.** keadaan seseorang yg telah berniat mengerjakan haji atau umrah (atau kedua-duanya sekali) yg pd ketika itu diharamkan

baginya melakukan perbuatan tertentu spt memakai pakaian berjahit dan bau-bauan, menutup kepala (bagi lelaki) dan menutup muka (bagi perempuan), dan bersetubuh; **2.** pakaian ihram: *selepas memakai ~ di maktab, jemaah berkenaan terus ke Masjid al-Haram; pakaian ~ pakaian khusus yg digunakan pd masa mengerjakan haji dan umrah.*

**ihsan** Ar **1.** beribadat kpd Allah dgn menyedari bahawa seseorang itu berhadapan dgn Allah SWT yg sentiasa melihatnya; **2.** kebaikan, kebajikan, perbuatan yg baik, kemurahan (hati): *membuat ~ kpd seseorang atau masyarakat adalah amanah;* **3.** jasa baik, izin: *gambar-gambar itu disiarkan dgn ~ Jabatan Penerangan;*

**keihsanan** sifat murah hati, kebaikan hati, kemurahan hati: *mereka tidak spt mana sahaja manusia yg lain dlm erti kata keluhuran akalanya, ~ dan pengenalan rohaniahnya melampaui batas-batas darah dan dagingnya.*

**ihsanat** Ar (jamak bagi ihsan) kebaikan, kebajikan.

**ihtifal** Ar perjumpaan besar (utk merayakan ulang tahun sekolah dll), perayaan: *sekolah Arab kita akan mengadakan ~ pd akhir bulan ini.*

**ihtikar** Ar membeli semua sekali sesuatu barang supaya dapat dijual dgn harga yg tinggi (pd masa yg lain).

**ihtilam** Ar terkeluar mani waktu tidur (kerana mimpi dll).

**ihtimal** Ar; **mengihtimalkan** menyuruh membawa (barang, surat, perintah, dll) kpd.

**IINA** akronim bagi *International Islamic News Agency* (Agensi Berita Islam Antarabangsa).

**ijab** Ar **1.** penawaran (pd jual beli); **2.** penerimaan (doa, permohonan); ~ *kabul* = ~ *nikah* pernikahan;

**mengijabkan** menawarkan, menerima (doa dll).

**ijabat** Ar perihal meluluskan (doa dll), kabul, lulus.

**ijab kabul** pernikahan;

**berijab kabul** bernikah;

**mengijabkabulkan** menikahkan;

**terijab kabul** telah diijabkabulkan.

**ijajil** syaitan.

**ijarah** Ar upah, gaji hari, sewa.

**ijas** Ar sj pokok dan buah di negeri Arab.

**ijazah 1.** sl izin, kebenaran; *memohon* ~ memohon izin (utk membuat sesuatu); **2.** surat akuan yg diberikan oleh universiti sbg tanda tamat belajar dan telah lulus dlm peperiksaan: *pd tahun ini, istiadat menyampaikan ~ akan diadakan di bangunan Parlimen;*

*~ am* kelas ijazah sarjana muda yg dianugerahkan kpd siswazah yg tahap pencapaian akademiknya sekadar lulus sahaja; *~ kepujian* kelas ijazah sarjana muda yg dianugerahkan kpd siswazah yg tahap pencapaian akademiknya sangat baik atau cemerlang;

**berijazah** mempunyai (mendapat) ijazah: *di tanah air kita sekarang, sudah banyak bilangan orang yg ~ tinggi;*

**pengijazahan** penganugerahan atau pemberian ijazah: *UPM akan memberi kredit ~ kpd beberapa aktiviti kokurikulum.*

**ijmak** Ar **1.** sumber ketiga dlm perundangan Islam selepas al-Quran dan hadis: *kadi-kadi menjalankan tugas mereka dgn berdasarkan Quran, hadis, ~ dan kias;* **2.** = ~ *ulama* kesepakatan pendapat para ulama yg berijtihad mengenai sesuatu hukum;

**mengijmakkan** mencapai kesepakatan pendapat mengenai sesuatu hukum melalui ijtihad: *Majlis Fatwa Kebangsaan telah ~ hukum bayi tabung uji bagi kepentingan umat Islam di Malaysia.*

**ijmal** Ar rumusan;

**mengijmalkan** merumuskan.

**IJN** kep Institut Jantung Negara.

**ijo** Jw hijau;

**mengijo** membeli padi pd masa belum masak (belum dituai);

**ngijo, ngijon.**

**ijon** Jw pembelian padi pd masa belum masak (belum dituai).

**ijtihad** Ar **1.** usaha utk mendapatkan sesuatu kesimpulan baru melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yg sah (dlm kaitannya dgn agama Islam); **2.** pendapat, tafsiran, maksud: *mereka bertanya kpd Rasulullah adakah tawaran itu datangnya drpd wahyu Tuhan ataupun hanya suatu fikiran atau ~ Rasulullah sendiri;*

**berijtihad 1.** melakukan ijtihad; **2.** mengkaji dan memberi tafsiran mengikut fikiran sendiri, berpendapat, mengira: *aku ~ dgn fikiran;*

**pengijtihad** orang yg berijtihad, mujtahid.

**ijtimak** Ar perhimpunan: *dlm ~ ulama itu, dikemukakan usul supaya suatu lembaga ulama diadakan utk menasihati pemerintah berhubung dgn masalah agama.*

**ijuk** sj serabut yg berwarna hitam pd pangkal pelepah enau (boleh dibuat tali dan atap); *atap ~ atap yg dibuat drpd ijuk; tali ~ tali yg dibuat (dipintal) drpd ijuk;*

*~ sebelembang, tali di situ keluan di situ* prb Mn pencarian yg tidak memadai pd hal tanggungan banyak; *bagai mencari kutu dlm ~ prb terlalu susah hendak mencari sesuatu (orang dll); ranap pertulang ~ penebal* prb pencarian tambahan (bukan utk penghidupan); *tampak ~ tak bersagar, lurah tak berbatu* prb Mn seseorang yg tidak mempunyai keluarga dan saudara-mara yg dimalui (ditakuti) orang;

**mengijuk** macam ijuk (bkn misai);

**terijuk** Mn **1.** kecewa; **2.** mendapat malu.

**ikab** Ar hukuman, seksa.

**ikal** berkelok-kelok atau berombak-ombak (bkn rambut): *rambutnya ~, lebat dan hitam*; *~ mayang* spt mayang mengurai;

**mengikal** menjadi ikal;

**mengikalkan** menjadikan ikal.

**ikan** sj binatang yg hidup dlm air dan bernafas melalui insang (bertulang belakang);

*~ air tawar* ikan yg hidup di dlm air tawar (spt sungai, paya, dll); *~*

*asap* ikan yg diasinkan dan dipanggang *~ asin = ~ masin* ikan yg dibubuh garam dan dikeringkan; *~ bakar* ikan panggang; *~ basah*

ikan yg tidak diawet; *~ belukang (bedukang)* a) sj ikan laut; b) ki laki-laki yg suka memburu perempuan (tidak memilih bulu); *~*

*cabut* Kl ikan yg dibahagi-bahagikan antara anak perahu (selain yg dijual); *~ darat* ikan air tawar; *~ juara* a) sj ikan darat; b) Kl ki

orang yg suka menyampuk percakapan orang lain (yg tidak kena-mengena dengannya); *~ kering* ikan yg dikeringkan (dijemur) dan

biasanya diasinkan; *~ laut* ikan yg hidup di laut; *~ pekasam* ikan yg dibubuhi garam dan asam dan disimpan agak lama; *~ pelaga =*

*~ sepilai = ~ tempilai* sj ikan kecil utk diperlagakan; *~ salai* ikan yg dikeringkan di atas api;

*~ belum dapat, airnya sudah keruh* prb pekerjaan yg tidak bijaksana (keadaan menjadi buruk sebelum pekerjaan itu selesai);

*~ biar dapat, serampang jangan pukah* prb pekerjaan yg dibuat itu hendaklah mendapat faedah supaya jerih payah jangan hilang percuma;

*~ di laut, asam di darat, bertemu juga dlm belanga* prb biarpun tinggal berjauhan negeri, kalau ada jodoh akan menjadi

suami isteri juga; *~ gantung, kucing tunggu* prb kesal melihat barang yg diinginkan tetapi tidak mungkin diperoleh; *~ lagi di laut,*

*lada garam sudah di sengkalan* prb membuat persediaan utk

mengecap hasil drpd sesuatu perkara yg belum tentu akan diperoleh; ~ *seekor rosakkan ~ setajau = sekembu rosak oleh ~ seekor* prb sebab yg sedikit habis rosak yg banyak; ~ *terkilat, jala tiba* prb cepat menangkap maksud cakap orang (sebelum habis diperkatakan sudah dapat dijawab); *ada air adalah ~* prb ada negeri adalah rakyatnya; *anak-anak ~ kecil menjadi makanan ~ besar* prb orang kecil (rakyat biasa) selalu di bawah perintah orang besar-besar; *bagai ~ kena tuba* prb banyak orang yg sakit atau mati dlm sesebuah kampung (negeri); *dituba sajakah ~ dijala, dijaring bukankah ~?* prb pd orang yg tidak malu sama saja bernikah atau berjahat; *jangan disangka ~ lais-lais tiada menyengat* prb jangan dipermudah-mudahkan orang yg lemah, ada kalanya ia dapat menyusahkan orang yg kuat; *spt ~ pulang ke lubuk* prb orang yg telah balik ke tempat asalnya payahlah hendak berdagang semula; *terkilat ~ di dlm air sudah tahu jantan betinanya* prb orang yg bijaksana dapat mengetahui maksud (dalam dangkalnya ilmu) seseorang itu drpd gerak-geri; *tersaukkan ~, suka, tersaukkan batang, masam* prb bersuka ria ketika mendapat untung tetapi lekas marah ketika mendapat kerugian; *ular bukan, ~ pun bukan* prb seseorang yg payah hendak ditentukan sama ada ia baik atau jahat; *walau ~ yg diam di dlm tujuh lautan sekalipun, termasuk ke dlm pukut juga* prb sependai-pandai atau sekuat-kuat manusia, ada kalanya silap juga;

**berikan** 1. mempunyai ikan; 2. mencari atau menangkap ikan;

*pergi ~ pergi* mencari ikan;

**perikanan** urusan (penangkapan, pemeliharaan) ikan;

**pengikan** Mn suka makan ikan.

**ikan-ikan** alat utk mengukur kederasan kapal.

**ikat 1.** alat (tali, benang, kain, dll) utk mengebat (memberkas, membebat, menggabungkan); ~ *kepala* kain yg diikatkan di kepala; ~ *pinggang* kain (kulit dll) utk mengebat pinggang, tali pinggang; **2.** bingkai (drpd logam dll) utk mencengkam atau memegang satu benda lain; ~ *kolam* tepi kolam yg dibuat drpd batu dll; *cincin* ~ *belanda*; **3.** berkas, kumpulan, gabungan: *se~ sirih*; *tiga* ~ *kayu api*; **4.** sl cara mengatur atau menyusun barisan (pasukan dll); ~ *perang* susunan barisan atau pasukan dlm peperangan; ~ *jamin* jaminan dgn bayaran sejumlah wang sbg cagaran utk memastikan bahawa orang yg dituduh akan menghadirkan diri utk perbicaraannya; ~ *mati* ikatan yg tidak boleh dibuka atau diungkai; ~ *boleh diubah, takuk bagaimana mengubahnya* prb payah hendak mengubah tabiat orang; *se~* *bagai sirih, serumpun* *bagai serai* prb bersatu padu dlm segala hal;

**berikat 1.** ada ikatnya, diikat, memakai ikat: *hulu pedangnya* ~ *emas*; **2.** bersekutu, bergabung: *peperangan antara pihak* ~ *(British, Amerika, Perancis, dan Belanda)* *dgn Jepun telah dimulai pd 8 Disember 1941*;

**mengikat 1.** melilit-litkan dan menyimpulkan tali dll pd anggota (dll) haiwan atau orang (supaya tidak dapat melarikan diri) atau pd bungkusan (kumpulan dll) barang supaya tidak terburai dsb, membuat jadi berikat dgn tali dll, membebat, memberkas: *bungkusan barang yg hendak dikirimkan ke luar negeri itu perlu diikat pula*; **2.** ki memaksa (seseorang atau sesuatu) supaya patuh kpd segala peraturan (syarat, kehendak, dsb) yg tertentu, membelenggu, mengongkong: *undang-undang dan peraturan yg ~ kebebasan seseorang*; **3.** menyusun, mengarang (syair, pantun sajak, dll); **4.** mengatur atau menyusun pasukan (barisan dll); ~ *perang* mengatur pasukan-pasukan dlm peperangan; **5.** memberi

berbingkai (batu permata dll), menyalutkan (dgn emas dll): ~ *batu akik dgn suasa*; **6.** memakai, memasang: ~ *kain*; ~ *serban*; ~ *tali leher*; ~ *tengkolok*; **7.** membuat: *mereka telah ~ perjanjian utk mengenakan pemulauan ekonomi*;

~ *hati (perhatian)* menarik hati (perhatian); ~ *jamin* memberi jaminan (supaya orang yg dituduh dapat bebas sehingga dibicarakan); ~ *janji* berjanji (menguatkan janji); ~ *jiwa* a) menarik hati; b) merayukan hati; ~ *perkenalan* berkenalan; ~ (*tali*) *pertunangan* bertunang; ~ *perut* mengurangkan makan kerana susah; ~ *tali persahabatan* bersahabat; *bagai diikat dgn sehasta tali* prb tidak dapat berbuat sekehendak hati;

**mengikatkan** mengikat pd, mengikat dgn (utk), mempertalikan (dgn), menambatkan;

**terikat 1.** (telah) diikat: *tangannya ~ ke belakang dgn dawai halus*; **2.** tertakluk (kpd), tidak bebas drpd, terkongkong oleh: *orang berhutang ~*; *tidak ~ kpd peraturan-peraturan yg telah ditetapkan*;

**ikatan 1.** cara mengikat: ~ *tengkoloknya kemas dan cantik*; **2.** yg telah diikat; **3.** sesuatu yg telah diikat dgn tali dll, berkas, kumpulan: *rotan itu ~nya kecil-kecil*; **4.** susunan (rangkaian, hubungan) kata-kata dsb: ~ *ayatnya terang hingga mudah difahami*; **5.** pertalian (yg erat), perkaitan: *peristiwa ini jelas membuktikan bahawa ~~ tradisi atau sifat-sifat ketimuran pd dasarnya mengikat rohani kita*; ~ *darah* = ~ *keluarga* hubungan kekeluargaan; **6.** persatuan, perkumpulan: ~ *pelajar*; **7.** (Kim) daya tarikan yg mengikat atom-atom dlm molekul atau kekisi hablur (yg terbentuk akibat cas elektrostatik yg ada pd elektron dan nukleus atom);



~ *berganda* sj ikatan yg terbentuk antara dua atom secara perkongsian dua atau lebih pasangan elektron; ~ *berkutub* sj ikatan kovalen yg terbentuk antara dua atom yg berbeza sifat elektronegatif masing-masing; ~ *ganda dua* sj ikatan kovalen yg terbentuk antara dua atom hasil drpd perkongsian dua pasangan elektron; ~ *ganda tiga* sj ikatan kovalen yg terbentuk antara dua atom hasil drpd perkongsian tiga pasangan elektron; ~ *hidrogen* daya tarikan yg wujud antara atom hidrogen (dlm ikatan berkutub) dgn atom elektronegatif spt oksigen, nitrogen, atau fluorin yg terikat pd molekul lain; ~ *ion* = ~ *ionik* sj ikatan yg terbentuk dlm sebatian melalui pemindahan elektron; ~ *koordinat* sj ikatan kovalen yg kedua-dua elektron yg dikongsi disediakan oleh satu drpd atom; ~ *kovalen* sj ikatan yg terbentuk antara dua atom apabila setiap atom itu berkongsi elektron utk membentuk pasangan elektron; ~ *logam* sj ikatan yg terbentuk dlm hablur logam apabila ion positif logam tersusun mengikut bentuk kekisi dlm lautan elektron yg bebas; ~ *peptida* (Bio) ikatan kimia di antara kumpulan karboksil pd satu asid amino dgn kumpulan amino pd asid amino lain, yg merupakan ikatan utama kesemua struktur protein; ~ *tunggal* sj ikatan kovalen yg terbentuk antara dua atom hasil drpd perkongsian sepasang elektron;

**keterikatan** perihal terikat (berkaitan erat), keadaan (unsur-unsur dll) terikat antara satu sama lain, terikatnya: ~ *episod demi episod hanyalah atas kepentingan adegan tersebut*; ~ *kita yg begitu kuat kpd tradisi telah mengeratkan hubungan kekeluargaan*;

**perikatan** **1.** perhubungan, pertalian; **2.** persekutuan, gabungan: *beberapa buah parti politik yg sehaluan sedang berura-ura hendak menubuhkan sebuah ~*;

**pengikatan** perihal atau perbuatan mengikat; ~ *nitrogen* (Bio) **1.** proses pertukaran nitrogen atmosfera menjadi bahan bernitrogen (spt ammonia) oleh sesetengah bakteria tanah (spt Rhizobium), alga biru hijau, dan kulat; **2.** proses pertukaran nitrogen atmosfera menjadi asid nitrik oleh kilat;

**pengikat 1.** alat (tali, benda, dll) utk mengikat: *sebelum bungkusannya itu dibuka, ~nya diuraikan dahulu*; **2.** orang yg mengikat; **3.** sesuatu yg mengikat perhubungan (spt persahabatan, pertunangan, kasih sayang, dsb): *cincin itu kuberikan kepadanya sbg tanda ~ kasih.*

**ikebana** (ikébana) seni gubahan bunga Jepun.

**ikhbar** Ar memberitahukan, mengkhabarkan.

**ikhfak** Ar bunyi nun mati (sukun) atau tanwin yg didengungkan sepanjang dua harakat ketika bertemu dgn salah satu drpd huruf ta, sa, jim, dal, zal, zai, sin, syin, sad, dad, ta (tO), za, fa, kaf, qaf.

**ikhlas** Ar (dgn) hati suci, tidak menipu atau tidak berpura-pura: *dia menolong dgn ~, tidak mengharap apa-apa balasan; dgn ~ dgn suci hati; tulus ~ sangat jujur*;

**mengikhhlaskan** memberikan (sesuatu) dgn ikhlas, merelakan: ~ *baki hutangnya*;

**keikhlasan** kesucian hati, ketulusan: *tujuannya ialah utk menduga ~ dan semangat pengorbanan rakyat negeri ini.*

**ikhtiar** Ar **1.** pilihan (pertimbangan, kehendak, pendapat, dll) yg terbaik: *apa ~ tuan mengenai masalah ini?; terserah kpd ~ tuan terserah kpd pertimbangan tuan; telah kehabisan ~ tidak dapat berbuat apa-apa lagi, telah hilang akal*; **2.** daya, upaya, usaha: *segala ~ telah dijalankan tetapi penyakitnya belum juga sembuh; mencari ~ mencari jalan, mencari akal; ~ menjalani, untung menyudahi prb*

usaha mestilah dijalankan utk mencapai sesuatu maksud (berhasil atau tidaknya terserahlah kpd nasib);

**berikhtiar** berusaha, berdaya upaya: *sekarang sudah sampailah masanya kita ~ membantu dia;*

**mengikhtiarkan** **1.** mengusahakan, mencarikan jalan (akal, daya upaya, dll): *dia telah berjanji akan ~ bantuan bagi sekolah itu;* **2.** memberikan pendapat (pertimbangan, nasihat, dll): *kami ~ saja, diterima tidaknya terserahlah kpd mereka.*

**ikhtiari** Ar dgn pilihan yg terbaik utk diri sendiri.

**ikhtilaf** Ar perbezaan pendapat mengenai sesuatu perkara, selisih, beza: *masih ada ~ ulama dlm perkara itu.*

**ikhtisar** Ar ringkasan, isi ringkas (cerita dll), sinopsis: *majalah itu memuatkan ~ beberapa cerita pendek yg tersiar dlm akhbar-akhbar tempatan;*

**mengikhtisarkan** meringkaskan, memberikan isi ringkas (cerita dll).

**ikhtisas** **1.** utk mata pencarian (bkn pekerjaan dll), utk atau dgn tujuan memperoleh bayaran atau pendapatan, profesional: *pelukis ~;* **2.** berkaitan dgn pekerjaan atau sesuatu profesion: *sijil kelayakan pelajaran dan ~;* **3.** memerlukan atau melibatkan kepandaian atau kemahiran khusus: *secara umum, konsep pentadbiran perkhidmatan pelajar bolehlah dikatakan sbg satu bentuk pentadbiran ~ yg dikendalikan dgn satu tujuan;*

**mengikhtisaskan** menanamkan sikap profesional: *salah satu masalah yg terus terpendam adalah utk ~ dan memodenkan kaum Malaysia.*

**ikhwan** Ar saudara, orang-orang yg (dianggap) bersaudara; *Lim I~ Lim Adik-Beradik;*

**seikhwan** sepersaudaraan, sekaum, sebangsa; **akhwan.**

**IKIM** akronim bagi Institut Kefahaman Islam Malaysia.

**iklan** pemberitahuan kpd orang ramai melalui surat khabar, TV, radio, dll: *syarikat-syarikat perniagaan yg besar membelanjakan beribu-ribu ringgit sebulan utk ~;*

**beriklan** mempunyai iklan: *halaman ~;*

**mengiklankan** memperkenalkan sesuatu kpd umum melalui iklan, memberitahukan sesuatu menerusi iklan (dlm surat khabar, majalah, dsb): *ia membeli ubat yg diiklankan dlm surat khabar;*

**periklanan** hal (kegiatan dsb) yg berkaitan dgn iklan: *pihak kerajaan, menerusi Kementerian Penerangan terutamanya, turut memerhatikan perkembangan dunia ~ Malaysia; kakitangan yg bekerja di bahagian ~ tidak berapa ramai;*

**pengiklanan** perihal (perbuatan, kegiatan dsb) mengiklankan: *~ keluaran baru syarikat itu dibuat melalui media massa;*

**pengiklan** orang (syarikat, media massa, dll) yg mengiklankan sesuatu.

**iklaneka** (iklanéka) iklan yg berbagai-bagai jenis: *~ Berita Harian.*

**iklim** **1.** keadaan cuaca (suhu, hujan) dlm jangka panjang di sesuatu tempat: *Asia Tenggara boleh dibahagikan kpd tiga kawasan ~; ~ dingin (kawasan) berhawa dingin; ~ panas = ~ tropika (kawasan) berhawa panas; ~ sederhana (kawasan) berhawa sederhana (tidak terlalu panas dan tidak terlalu sejuk);* **2.** ki suasana, keadaan: *~ politik negeri itu sudah mulai panas; pertama, bagaimana negara-negara selatan boleh mendapat manfaat pertumbuhan ekonomi utk pembangunan mereka dlm ~ antarabangsa yg semakin memusuhi mereka; ketidakpastian terhadap ~ pelaburan.*

**beriklim** mempunyai iklim: *~ panas (sejuk, dingin);*

**keikliman** perihal iklim.

**IKM** kep Institut Kemahiran MARA.

**ikon** 1. gambar, lukisan, imej, gambaran: *puisi Sutardji wujud dlm konteks ritual dan kepercayaan berserta ~ yg seiring bagi dunia magis Melayu-Indonesia yg primitif*; 2. lukisan atau gambar yg dianggap sbg keramat (orang yg mulia); 3. (Komp) simbol grafik pd skrin digunakan dlm sistem komputer interaktif bagi menyediakan cara mudah mengenal pasti fungsi.

**ikonik** bkn ikon, mempunyai sifat atau menyerupai sesuatu ikon, gambar, dsb.

**ikonografi** lambang-lambang seni yg digambarkan melalui lukisan, ukiran arca, dsb.

**ikonoklasme** gerakan utk memusnahkan berhala dan patung.

**ikosahedron** (ikosahédron) (Mat) bongkah yg mempunyai 20 permukaan tiga segi sama sisi yg rata.

**ikrab** Ar 1. (bkn sahabat) yg rapat benar, karib, akrab: *beberapa orang sahabatnya yg ~ telah datang melawatnya di rumah sakit*; 2. erat hubungannya (pertaliannya), berhubungan (berkaitan) rapat: *pendekatan moral memang ~ dgn pendekatan keagamaan*;

**mengikrabkan** menjadikan ikrab, mengaribkan, mengakrabkan: ~ *persahabatan antara kedua-duanya*;

**keikraban** perihal ikrab, kekariban, keakraban.

**ikrab** (i'rab) Ar kegelinciran bunyi pd akhir perkataan, menurut nahu bahasa Arab, mis *Muhammadan, Muhammadin, Muhammadun*.

**ikram** Ar penghormatan.

**IKRAM** akronim bagi Institut Kerja Raya Malaysia.

**ikrar** Ar 1. lafaz janji, pengakuan dsb; 2. janji yg sungguh-sungguh, biasanya disertai dgn sumpah, pengakuan: *kami membuat ~ akan tetap setia antara satu sama lain; membaca ~*; 3. ark piagam: ~ *Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu*;

**berikrar** berjanji dgn sungguh-sungguh hati secara lisan: *orang kampung itu telah ~ akan bersatu padu utk menentang musuh;*

**mengikrarkan 1.** melafazkan janji, pengakuan dsb: *berjuta-juta rakyat negeri ini ~ kesediaan mereka utk membela ibu pertiwi;* **2.** mengakui, menetapkan sah, membenarkan: *~ syarat-syarat perjanjian itu;* **3.** menetapkan niat;

**pengikraran** perbuatan mengikrarkan;

**pengikrar** orang (kumpulan orang dsb) yg berikrar atau mengikrarkan sesuatu.

**IKS** kep Industri Kecil dan Sederhana.

**iktibar** Ar pengajaran, contoh, ibarat, teladan: *mengambil ~ mengambil pengajaran (contoh, ibarat); menjadi ~ menjadi pengajaran (contoh, ibarat).*

**iktidal** Ar. **1.** lurus, sama tengah, sebanding, seimbang; **2.** berdiri tegak (lurus) selepas rukuk (ketika sembahyang).

**iktikad** Ar kepercayaan atau keyakinan di dlm hati yg berkaitan dgn Rukun Iman: *ada orang kita yg telah mulai terpesong ~nya; agama Islam terdiri drpd bahagian batin dan bahagian zahir, bahagian batin itu adalah mengenai iman atau ~; dgn ~ baik dgn maksud yg baik;*

**beriktikad** menaruh penuh keyakinan atau kepercayaan di dlm hati, percaya benar-benar; yakin: *kita mestilah ~ bahawa Allah itu ada;*

**mengiktikadkan** meyakini, percaya akan, mempercayai: *asal mula erti kata al-jihad ialah mengeluarkan segala kesungguhan, kekuatan dan kesanggupan yg diiktikadkan oleh manusia bahawa jalan itulah yg hak dan benar.*

**iktikaf** Ar perbuatan duduk (berhenti) di dlm masjid dgn niat bermunajat kpd Allah;

**beriktikaf** melakukan (mengerjakan) iktikaf: *di sana juga, aku ~ di Masjid Damsyik.*

**iktiraf; mengiktiraf 1.** menerima atau mengakui: *Malaysia tidak akan ~ kemerdekaan sesebuah negara yg tidak berperlembagaan; satu usul mendesak kerajaan supaya ~ pelajaran trengkas kebangsaan sbg satu mata pelajaran di sekolah menengah; 2.* mengakui serta memberikan atau menunjukkan penghargaan kpd, menerima dan menghargai;

**pengiktirafan 1.** perihal mengiktiraf (status, kedudukan, dsb sesuatu), pengakuan: *~ bahasa Melayu sbg bahasa kebangsaan diasaskan kpd perjalanan sejarah negeri ini sendiri; 2.* perihal menerima (mengakui) dan menghargai, pengakuan dan penghargaan:  *mungkin bagi sesetengah kategori pekerja, ~, pujian, dan sanjungan ini sudah cukup memuaskan.*

**iktisab** Ar usaha utk mendapatkan untung yg halal.

**iktisad** Ar ekonomi, perekonomian:  *kerajaan sedang berusaha hendak memajukan ~ penduduk luar bandar; ahli ~ ahli ekonomi.*

**ikut 1.** turut serta, turut sama, bersama-sama:  *kalau diundang pun dia tidak akan ~ hadir; dia tidak percaya adiknya telah ~ melakukan kejahatan itu; 2.* bp dengan (kenderaan):  *awak nak ke sana pergi ~ apa?;*

*~ angin = ~ arus* mengikut pendapat orang ramai; *~ banyak* (Eko) (bkn upah) dihitung menurut banyaknya hasil yg diperolehi; *~ masa* (Eko) (bkn upah) dihitung menurut lamanya bekerja; *~ suka* ikut kehendak sendiri; *~ telunjuk* mengikut segala perintah orang (tidak berani membantah);

*~ hati mati, ~ rasa binasa, ~ mata leta* prb orang yg mengikut hawa nafsu akhirnya akan binasa; *~ hukum memiat daging, sakit di*

*awak sakitlah di orang prb hendaklah berlaku adil apabila menjalankan sesuatu perintah;*

**ikut-ikut** **1.** mencontohi (perbuatan orang dll), meniru; **2.** turut campur;

**ikut-ikutan** mengikut-ikut (fikiran, perbuatan, dll) orang lain, tidak mempunyai pendirian sendiri: *seni lahir drpd jiwa raga sendiri dan bukan drpd ~ atau tiru-tiruan;*

**berikut** **1.** berserta, beriring: *kebebasan mestilah digunakan dgn berhemat-hemat dan tidak ~ dgn niat jahat;* **2.** yg tersebut di bawah ini, (yg) datang selepas ini, seterusnya: *buku-buku yg mustahak dibeli segera adalah spt ~; sambungan cerita tersebut akan disiarkan dlm majalah ini keluaran yg ~;* **3.** bersama dgn: *meja itu dijual ~ kerusinya;*

**berikut-ikut** berturut-turut, yg satu selepas yg lain: *mereka bersaing-saing, ~ dan berdahulu kemudian;*

**berikutan** ekoran drpd, akibat drpd, kemudian dr, sesudah: *~ itu ia meneruskan pengembaraannya; rombongan itu dikirim ke mari ~ pertemuan Perdana Menteri dgn Presiden Johnson; kota itu menjadi sunyi sepi ~ mogok;*

**mengikut** **1.** pergi bersama-sama dgn, menurut, mengiring, menyertai (di belakang): *budak itu ~ ayahnya ke hutan memikat burung; ramai budak yg ~ perarakan itu;* **2.** meniru, mencontohi: *kanak-kanak biasanya mudah ~ kelakuan ibu bapanya; tahun ini ramai orang kampung yg ~ Amin menanam padi dua kali setahun;* **3.** mematuhi (perintah, nasihat, dll), menganut (ajaran, faham): *dgn mudah, kedua-dua orang itu ~ perintah saya; sebahagian besar penduduk negeri itu ~ Mazhab Shafii;* **4.** melalui (jalan dll): *orang kampung itu pergi ke bandar terpaksa ~ sungai dgn menggunakan perahu; dia sampai dahulu kerana dia ~ jalan yg dekat;* **5.**



menurut, sesuai dgn, selaras dgn: *contoh jentera yg dibuat ~ skala 1 inci; ~ teori Darwin, manusia itu berasal drpd beruk; suaranya keluar teratur ~ irama muzik;*

*~ hati menurut kehendak hati; ~ jejak meniru perbuatan orang yg dahulu; ~ telunjuk mematuhi, ikut telunjuk;*

*bagai tekukur ~ kata prb anak angkat yg mengikut kata (dapat diperlakukan sesuka hati oleh ibu atau bapa angkat);*

**mengikut-ngikut** meniru-niru: *negara-negara ini mengejar kepentingan kebangsaan masing-masing yg ~ kepentingan orang lain;*

**mengikuti 1.** turut di belakang orang, menurut apa yg telah terjadi atau ada: *ia ~ aku keluar; sidang di Pulau Pinang tahun 1960 diikuti oleh sidang di K.L tahun 1961;* **2.** turut sbg yg telah dilakukan orang, mencontohi apa yg dibuat orang sebelumnya: *inilah jalan yg diikuti oleh umat Islam;* **3.** turut hadir (dlm pelajaran, kursus, kuliah, latihan, dll): *dia pernah ~ kuliah Hamka mengenai tasawuf;* **4.** memerhatikan (mendengarkan, membaca, melihat, dll) dgn bersungguh-sungguh: *telah lama aku ~ perkembangan politik negeri ini; dgn matanya, dia ~ suaminya meninggalkan rumah;*

**mengikutkan, memerikutkan** menjadikan berikut, menyertakan, menyaingkan;

**memerikut** ark mengejar, mengikut: *orang-orang Siam itu diperikut oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura;*

**terikut-ikut** mengikut (sesuatu) dgn tidak begitu disedari (kerana terlalu terpengaruh olehnya dll): *terdapat juga penutur-penutur bahasa Melayu yg ~ dgn struktur tatabahasa lain;*

**ikutan 1.** contoh, teladan: *kerajinannya bekerja menjadi ~ kpd pegawai-pegawai di pejabatnya;* **2.** sesuatu yg diikuti: *segala*

*perbuatan guru agama itu menjadi ~ penduduk kampung; 3. yg mengikut;*

**pengikut 1.** penganut: *~ agama Buddha tidak berapa ramai di negeri ini; 2. pengiring, peserta: beberapa orang ~nya mati tertembak.*

**ikut serta** turut bersama-sama dgn orang atau pihak lain melibatkan diri dlm sesuatu (kegiatan, seminar dll): *ramai orang yg menunjukkan minat utk ~ dlm perbincangan itu;*

**mengikutsertakan** menyertakan atau melibatkan bersama (dlm sesuatu kegiatan dsb), membuat supaya (seseorang, sesuatu, dll) turut terlibat dsb: *pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, mungkin dgn pertimbangan yg sama, telah ~ T. Alias Taib bersama-sama penulis Malaysia yg lain utk diperkenalkan di dlm 'Wajah';*

**pengikutsertaan** perihal (perbuatan atau tindakan) ikut serta atau mengikutsertakan: *~ staf dlm seminar, bengkel, dsb.*

**IKWAM** akronim bagi Institut Kemajuan Wanita Malaysia.

**Ilah** Ar Tuhan yg disembah dan dipatuhi segala suruhan dan larangannya, Allah.

**Ilahi** Ar 1. Allah: *takdir ~; 2. = ya ~ ya Tuhanku.*

**ilahiah, ilahiat** Ar ketuhanan.

**ilai; mengilai-ilai** ketawa dgn kuat dan nyaring bunyinya: *orang tua itu hairan mendengar suara orang ~ dr dlm bilik itu.*

**ilak** Mn ukuran bagi menentukan lebar kain yg akan ditenun; *bagai ~ bercerai dgn benang prb Mn bercerai utk selama-lamanya (tidak akan bertemu lagi).*

**ilam-ilam** kadang-kadang nampak kadang-kadang tidak, tidak jelas kelihatan (kerana jauh, dilindungi oleh sesuatu, dll), berbalam, balam-balam.

**ilas; mengilas** Jk memijak-mijak (supaya hancur dll).

**ilat** Ar **1.** sebab yg mengakibatkan sesuatu (kecelakaan, kemalangan, kerugian dsb); **2.** tidak dapat bekerja lagi kerana cacat anggota badan (kerana kemalangan dll).

**ileitis** (iléitis) (Ubat) radang pd bahagian akhir usus kecil.

**ileokolitis** (iléokolitis) (Ubat) radang pd bahagian akhir usus kecil dan usus besar.

**iler** Jw air liur;

**mengiler** **1.** mengeluarkan air liur; **2.** ki terliur, ingin benar (pd benda-benda makanan).

**ileum** (iléum) (Bio) bahagian bawah usus kecil.

**ilham** Ar **1.** petunjuk drpd Tuhan (terbit dlm hati): *ibu Nabi Musa mendapat ~ drpd Tuhan supaya memasukkan Musa ke dlm peti dan menghanyutkannya di Sungai Nil*; **2.** sesuatu yg menggerakkan hati atau menimbulkan daya cipta dsb utk menghasilkan atau mencapai sesuatu: *aku hendak tahu bagaimana kau mendapat ~ utk mencipta buku ini*;

**berilhamkan** mempunyai sesuatu sbg ilham: *konsep itu ~ teori yg dikemukakan oleh Einstein*;

**mengilhami** memberi (seseorang) ilham, membisik di dlm hati: *aku diilhami oleh kata-kata ini utk pergi mengembara*;

**mengilhamkan** memberikan ilham kpd, menggerakkan hati: *rancangan itu ialah usahanya sendiri, tiada sesiapa pun yg ~nya*; *Angkatan Sasterawan 50 yg ~ penubuhan badan tersebut*;

**pengilham** orang (sumber dsb) yg memberikan ilham: *guru sbg ~ cita-cita yg besar, cekap menyampaikan falsafah mengenai nilai dan makna diri kpd pelajar*.

**ili; mengili** Jk berpindah ke tempat yg aman, berhijrah, mengungsi.

**ilmiah** Ar bersifat (secara) ilmu pengetahuan, keilmuan, akademik: *penerbitan majalah-majalah ~ boleh dikatakan sangat kurang*;

**keilmiahan** perihal atau sifat ilmiah.

**ilmiawan** bp ilmuwan.

**ilmu** **1.** pengetahuan dlm perkara dunia, akhirat, zahir, batin, dll; ~ *akhirat* pengetahuan bkn segala sesuatu sesudah manusia itu mati; ~ *kalam* salah satu cabang usuludin; *mencari* ~ berusaha utk mencari kepandaian dan pengetahuan; *menuntut* ~ belajar; **2.** kajian bkn sesuatu perkara: ~ *bumi*; ~ *masyarakat*; ~ *terapi* cabang perubatan yg berkaitan dgn rawatan penyakit; **3.** sampainya diri kpd makna, dan hadirnya makna dlm diri seseorang (dlm konteks agama Islam);

~ *padi*, makin berisi makin tunduk prb makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat, makin merendahkan diri; *menunjukkan* ~ kpd orang menetek prb membuat pekerjaan yg sia-sia;

**berilmu** mempunyai banyak ilmu, berpengetahuan: *orang yg ~ dapat membezakan antara baik dan jahat, benar dan salah*;

**mengilmukan** **1.** menyelitikan unsur-unsur ilmu kpd sesuatu: *bagaimana utk ~ semula karya sastera kita*; **2.** menjadikan individu atau kelompok individu berilmu: *tugas penterjemah berat, terutamanya dlm tanggungjawabnya ~ masyarakat*;

**keilmuan** perihal ilmu, menurut ilmu pengetahuan, ilmiah: *saya tahu dr dekat akan suasana ~ tempat ia bekerja; bahasa Melayu akan sanggup menggantikan bahasa Inggeris dlm segala lapangan ~*;

**pengilmuan** perbuatan mengilmukan.

**ilmuwan** golongan (para) akademik, orang yg berilmu.

**ILO** kep *International Labour Organization* (Pertubuhan Buruh Antarabangsa).

**iltizam** Ar **1.** keterlibatan secara bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab dlm melaksanakan sesuatu, komitmen: *usaha*

*pengembangan bahasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka perlulah disertai oleh ~ drpd kerajaan sendiri; 2. pernyataan berupa persetujuan (perjanjian) yg menyebabkan seseorang (sesuatu pihak) terikat (berazam) utk melakukan sesuatu: Saribuku adalah satu lagi ~ DBP dlm usaha utk menggalakkan budaya membaca.*

**ilu** ark memilukan hati.

**ilusi** tanggapan yg tidak benar atau mengelirukan: *segala apa yg saya sangka dapat memberikan kebahagiaan dahulu sebenarnya suatu ~ sahaja; darinya ~ dan realiti dapat dikenal pasti, dinilai, dan dimanfaatkan.*

**ilusif** bkn sesuatu (idea, objek, dll) yg bersifat khayalan.

**ilustrasi** gambar (lukisan dsb) utk menerangkan atau menghiasi sesuatu (dlm buku, majalah, dll);

**berilustrasi** mengandungi ilustrasi: *kamus ~;*

**mengilustrasi** membuat (menyediakan) ilustrasi utk: *tugasnya ~ buku itu;*

**mengilustrasikan** menerangkan sesuatu maklumat dgn memberikan ilustrasi: *model-model ini boleh diilustrasikan dlm gambar rajah ini; beliau ~ betapa pemahaman Islam di kalangan masyarakat sangat dangkal dan bersifat ritual sahaja;*

**pengilustrasian** perbuatan mengilustrasi: *buku tersebut telah mencapai satu tahap penulisan, penyuntingan, dan ~ yg boleh dipertanggungjawabkan;*

**pengilustrasi** orang yg membuat ilustrasi: *tujuan dan arah sesebuah kartun itu terletak pd ~ itu sendiri.*

**ilustrator** orang yg membuat ilustrasi.

**imaginasi** daya khayal, daya atau kemampuan menggambarkan (sesuatu) dlm angan-angan atau mencipta sesuatu secara khayalan: *ada*

*pengarang yg dapat menceritakan sesuatu kisah itu dgn hanya berdasarkan ~nya sahaja;*

**mengimagasikan** membuat gambaran dlm fikiran, membayangkan: *saya fikir penulis harus ~ pembaca sbg bakal kekasihnya.*

**imaginatif 1.** mempunyai imaginasi: *Baha Zain mengatakan bahawa betapa kreatif dan ~nya seseorang pengarang, ia tidak boleh lari jauh drpd bahasa masyarakatnya; 2.* terhasil (tercipta) drpd imaginasi atau daya khayalan, menunjukkan imaginasi atau daya kreatif yg berasaskan khayalan: *romantisisme mempunyai ciri kehibaan yg lebih emosional dan ~ serta mementingkan unsur-unsur keindahan dan keseronokan indera; kekuatan seseorang penulis menyampaikan perutusan melalui bahasa yg kreatif dan ~; pembaharuan ~ dlm organisasi sosial.*

**imago** (Bio) serangga dewasa sesudah peringkat metamorfosis.

**imak** Mn; **mengimak, mengimak-imak** meniru bunyi (perbuatan dll), mengajuk.

**imalat** Ar merangkaikan dua huruf bagi dua kata atau lebih dlm satu ucapan, mis *insya-Allah* menjadi *insyallah*.

**imam** Ar **1.** orang yg mengetuai sembahyang berjemaah: *tengah hari itu, kami bersembahyang Zuhur di masjid, Bakar menjadi ~nya; 2.* pemimpin, penganjur, ketua (negara dll); ~ yg empat penganjur empat mazhab yg menjadi ikutan orang-orang Islam (Shafii, Hanafi, Hambali, dan Maliki); ~ *Mahadi* pemimpin Islam yg dianggap akan muncul pd akhir zaman; ~ *perang* ketua dlm peperangan pd masa dahulu; ~ *Yaman* raja negeri Yaman;

**berimam** mempunyai imam, ada imamnya: *sembahyang ~ sembahyang dgn mengikut imam;*

**berimamkan 1.** mempunyai seseorang sbg imam (pd waktu sembahyang): *mereka sembahyang berjemaah ~ Tuan Haji Yusuf;*

**2.** mempunyai (menganggap dsb) seseorang sbg imam (pemimpin, ketua);

**mengimami** memimpin (dlm masa sembahyang);

**mengimamkan** menjadikan seseorang sbg imam: *saya hendak menjemput lebai ~ sembahyang jenazah;*

**keimaman** kedudukan (jawatan dll) imam.

**imamat** Ar kepemimpinan.

**iman Ar 1.** keyakinan terhadap wujudnya Allah dgn hati, yg dilafazkan dgn kata-kata, dan dilaksanakan dgn amalan: *di mukanya,*

*kelihatan sinar takwa dan ~;* **2.** ketetapan hati, kekuatan batin:

*walau bagaimana kuat pun godaan syaitan, namun ~nya tidak bergoncang; kurang ~ kurang kuat hatinya, mudah terpengaruh*

*atau tertipu; membawa ~ menyebarkan agama Islam;*

**beriman** mempunyai iman, patuh kpd larangan dan suruhan Allah, berpegang kuat kpd ajaran agama: *jangan lupa ~ kpd Allah kerana*

*kita ini semua hamba-Nya;*

**berimankan** percaya kpd: *Upu Lamdusalat inilah awal Raja Bugis yg mula-mula masuk agama Islam yg ~ nabi kita Muhammad;*

**mengimani** yakin dan percaya pd;

**keimanan** keteguhan iman, keyakinan, ketetapan hati: *ada sesuatu sekarang yg hilang drpd diriku, ~ barangkali.*

**imani** Ar mengenai iman.

**imarah; mengimarahkan** menggerakkan atau menghidupkan suasana di masjid atau surau dgn pelbagai kegiatan berfaedah, biasanya

berbentuk keagamaan: *usaha ~ masjid perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak, termasuklah generasi muda; mereka tidak harus*

*dipencilkan dlm usaha ~ masjid dan syiar Islam.*

**imbal I 1.** tidak tegak betul, senget ke suatu pihak, miring ke sebelah, tidak bulat betul (herot): *meja itu ~ kerana kakinya tidak sama panjang*; **2.** ki berat sebelah, tidak adil (keputusan, hukuman, dll), tidak seimbang: *keputusan pertandingan itu ~*;

**mengimbal 1.** menjadi imbal (tidak tegak betul, senget, dsb), menyenget, mengherot: *tiang itu ~*; **2.** menjadi imbal (berat sebelah, tidak adil, dsb): *pertimbangannya mulai ~*;

**mengimbalkan 1.** menjadikan imbal (tidak tegak betul, senget, dsb), menyengetkan, mengherotkan; **2.** menjadikan imbal (berat sebelah, tidak adil, dsb);

**pengimbangan 1.** perihal mengimbal atau mengimbalkan, penyenetan, pengherotan; **2.** perihal menjadi(kan) berat sebelah, tidak adil dsb;

**pengimbal** alat utk mengimbalkan sesuatu.

**imbal II; imbalan** bayaran (upah) utk membalas jasa orang, ganjaran, honorarium: *sbg ~, akan kunyanyikan untukmu*;

**mengimbalkan** memberikan imbalan kpd seseorang.

**imbang I** timbang, tidak berat sebelah; *roda ~* roda yg meneruskan dan melicinkan perjalanan enjin;

**seimbang 1.** setimbang, sama berat, tidak berat sebelah: *di daerah itu, kekuatan parti pembangkang ~ dgn kekuatan parti yg berkuasa; jungkat-jungkit adalah ~ di tengah-tengahnya*; **2.** setimpal, sebanding, sepadan: *memberi balasan yg ~*; **3.** sesuai, cocok: *sikapnya selalu ~ dgn pengertian hidup isterinya; abang tidak boleh memaksa hati saya ~ dgn hati abang; makanan ~* makanan yg khasiatnya sesuai bagi keperluan tubuh;

**berseimbang** setimbang, sepadan, sebanding;

**berseimbangan** sama imbangannya (antara satu sama lain);



**menyeimbangkan** menjadikan seimbang (tetap, tidak turun naik, dsb): *tugas utama kabinet baru ini ialah ~ ekonomi; kerajaan berhasrat menyusun semula masyarakat utk ~ kedudukan ekonomi;*  
**keseimbangan** keadaan seimbang: *~ ekonomi antara kaum di negeri ini sangat mustahak; nyatalah bahawa sistem pendidikan di negara ini mesti merupakan sistem yg mempunyai ~ antara mata pelajaran sastera dan sains;*

**ketidakseimbangan** perihal (keadaan) tidak seimbang: *~ pengagihan kuasa dan kemakmuran dlm masyarakat; ~ dlm soal pencapaian mutu pelajaran; masalah ~ taburan penduduk di muka bumi ini;*

**perseimbangan** perihal berseimbang;

**berimbang 1.** sepadan, sebanding, setimbang, sama (banyak, berat, kuat, dll): *tokong simbang tampak beratur, tampak dr Tanjung Jati, laksana ~ buah catur, raja mati, menterinya mati; 2. = berimbangan* berbandingan (dgn), berpadanan (dgn), berpatutan (dgn): *dia berusaha lebih giat lagi supaya pendapatannya ~ dgn perbelanjaannya; upah yg diberikan itu adalah ~ dgn kerja yg dibuatnya;*

**mengimbangi 1.** menjadi sbg imbangan kpd: *banyaknya gula ~ pahit kopi yg pekat; 2.* menandingi, melawani: *tungku pemanas bilik tak dapat ~ dingin yg amat sangat itu; 3.* membalas (budi, cinta, dll): *kebaikan diimbangi dgn kebaikan;*

**mengimbangkan, memperimbangkan** menjadikan supaya berimbang (sebanding): *penubuhan syarikat ini akan dapat meneruskan usaha ~ kedudukan ekonomi antara semua golongan rakyat dlm negara ini; ~ kira-kira;*

**imbangan 1.** keadaan yg seimbang: *bacaan yg baik berkehendakkan ~ antara bahan bacaan yg berat dgn yg ringan; 2.*

bandingan, timbangan: *pertubuhan itu mengkaji ~ kekuatan tentera kuasa-kuasa dunia;*

**imbang-imbangan** hampir-hampir sama kuatnya (beratnya, pandainya, banyaknya, dll);

**keimbangan** keadaan berimbang;

**perimbangan** persamaan (perbandingan) berat (pandai, banyak, dll): *peperangan boleh dielakkan kalau ada sebuah badan yg dapat mengawal ~ kekuatan tentera bagi negara-negara yg besar;*

**pengimbangan** perihal atau perbuatan mengimbangi atau mengimbangkan: *~ duga dilakukan utk mengetahui betul atau tidak kira-kira kita;*

**pengimbang 1.** (alat dll) yg mengimbangi, yg dipakai utk mengimbangi; **2.** (Kej) perkakas utk mengatur kemasukan wap dlm enjin supaya kecepatan jalannya enjin itu teratur.

**imbang II** bimbang, ragu-ragu;

**mengimbang;** *~ permintaan* menolak permintaan;

**imbang-imbangan** bimbang, ragu-ragu; *hati nya dlm ~.*

**imbis 1.** arus udara (kerana orang mengipas, orang berjalan, dll); *sekali ~ selayang pandang: dia kenal gadis itu, walaupun dipandangnya sekali ~ sahaja;* **2.** arus elektrik; **3.** = *~ hantu* sl penyakit yg kononnya disebabkan oleh hantu yg lalu; **4.** ark dorongan (desakan);

**seimbis** sekejap, selayang; *~ pandang selayang pandang;*

**imbis-imbis** hampir sama (serupa), seakan-akan: *anak itu ada ~ rupa ayahnya;*

**mengimbis 1.** = **mengimbasi** mengenakan arus udara pd sesuatu, mengipas; **2.** bergerak ke kiri dan ke kanan dgn cepat: *tiang topang imbis-~;* **3.** = **mengimbasi** Id menggerakkan (memindahkan) arus elektrik;

**imbasan** imbas, gerakan (aliran) udara, gerakan kereta, dll yg cepat: *ia hanya sempat melihat ~ kereta tersebut; kad ~ kad* yg diperlihatkan sebentar pd murid utk menguji (kebolehan, kecepatan berfikir, dll);

**pengimbasan** (Ubat) kaedah memeriksa bahagian tertentu tubuh, sama ada dgn menggunakan gelombang bunyi atau sinaran.

**imbas kembali** bahagian cerita filem, novel, dsb yg memperlihatkan semula peristiwa-peristiwa yg terdahulu: *beliau menggunakan teknik ~, igauan, dan mimpi-mimpi ngeri;*

**mengimbas kembali** membayangkan sesuatu atau melihat kembali dlm fikiran: *dia ~ detik perkenalannya dgn suaminya sekarang.*

**imbau; mengimbau** Mn memanggil, menyeru (nama), menjemput (datang): *azan Maghrib ~ dr masjid; diimbau berbunyi, dilihat bersua* prb Mn apa yg dikatakannya adalah betul (boleh diuji kebenarannya);

**terimbau** terpanggil; *~ pd orang yg akan datang, tersusun pd orang yg akan pergi* prb Mn menyuruh seseorang membuat sesuatu pekerjaan yg disukainya;

**imbauan** panggilan, seruan: *orang kampung itu keluar beramai-ramai apabila terdengar ~ yg terus-menerus.*

**imbuh** tambahan pd barang yg ditimbang (disukat dll), tambahan supaya sama berat (nilai dll): *setelah siap disukatnya padi itu diberikannya pula ~ segantang;*

**mengimbuh 1.** memberi imbuh, menokok, menambah; **2.** memberi imbuhan (awalan, akhiran atau sisipan);

**imbuhan 1.** bayaran tambahan, sagu hati: *mereka belum lagi menerima sebarang ~ tetap sbg anggota Majlis Tempatan;* **2.** (Lin) penambah (awalan, akhiran, dan sisipan);

**berimbuan** memakai imbuhan, ada imbuhan: *sistem Za'ba membolehkan penulisan kata ~ dieja bercantum.*

**imej** (iméj) **1.** gambaran, cerminan, bayangan; ~ *pendam* imej yg telah ditangkap di atas filem atau kertas foto tetapi belum diproses dan tidak dapat dilihat; **2.** keperibadian atau watak seseorang atau sesuatu sebagaimana yg terpapar pd pandangan atau tanggapan orang atau pihak lain: ~ *negara kita sbg negara Islam amatlah baik dlm dunia Islam; ~ sesebuah kedai diukur berdasarkan reka bentuk luaran dan dalaman kedai;* **3.** gambaran mental atau asosiasi idea yg timbul dlm karya sastera terutamanya dlm puisi: *Kassim Ahmad berjaya menggunakan mitos dan legenda Melayu sbg ~ di dlm sajak-sajaknya;*

**imejan** (Sas) penggunaan beberapa imej yg terhimpun dlm sesebuah karya sastera, penggunaan kiasan dlm tulisan;

**pengimejan** proses membentuk atau menghasilkan imej (spt gambar dsb): *ini dimungkinkan oleh sistem ~ elektronik yg canggih di atas teleskop tersebut.*

**IMF** kep *International Monetary Fund* (Tabung Kewangan Antarabangsa).

**imigran** orang yg masuk ke negeri asing utk menetap.

**imigrasi** perihal masuk ke negeri asing utk menetap;

**berimigrasi** berpindah (datang) ke negara asing utk menetap: *negara luar yg menerima pelajar yg ~ tidak mengenakan syarat yg ketat.*

**imigresen** (imigrésén) = *pejabat* ~ pejabat yg mengurus hal-hal kemasukan orang asing dan pengeluaran pasport utk warga negara dsb.

**iming** Jw; **mengiming-iming** menunjuk-nunjukkan sesuatu dgn tujuan hendak memujuk (memikat hati dll).

**imitasi** IB tiruan: *sutera ~*.

**imitatif** bersifat meniru: *haiwan merupakan makhluk yg paling ~ di dunia ini, yg belajar melalui imitasi.*

**imkan** Ar; **mengimkan** memungkinan.

**imlak** Ar **1.** perbuatan menyebut perkataan (ayat dll) supaya ditulis oleh orang lain; **2.** sesuatu yg dikatakan atau dibaca supaya ditulis oleh orang lain, rencana;

**mengimlakkan** menyebut (membaca) supaya ditulis oleh orang lain, merencanakan.

**imlek** (imlék) Id, C penanggalan; *tahun baru ~ Tahun Baru Cina.*

**impak** kesan yg ketara, dampak: *karyanya mempunyai ~ besar terhadap sufisme dan akidah Muslim; beliau mematah-matahkan kalimatnya utk memberikan ~ kpd sajaknya.*

**impala** sj antelop sederhana besar, yg terdapat di Afrika dan berupaya melompat sangat jauh dan tinggi, *Aepyceros melampus.*

**impas** Jk lunas, jelas, selesai dibayar (hutang): *dia senang hati kerana hutangnya telah ~;*

**mengimpas, mengimpaskan** melunaskan, menjelaskan, membayar (hutang).

**impasto** (S.Lukis) teknik penggunaan cat yg tebal pd lukisan.

**impedans** (impédans) (Fiz) rintangan litar elektrik terhadap pengaliran arus ulang-alik.

**imperatif** (impératif) **1.** mesti dipatuhi, penting, memerlukan perhatian segera: *kegiatan ini sah dan ~;* **2.** (Lin) bentuk kata kerja atau ayat yg membawa maksud suruhan, silaan, permintaan, atau larangan.

**imperialis** (impérialis) pihak (orang, negara dsb) yg mengamalkan faham imperialisme: *perasaan benci kpd ~ meluap-luap di dada pejuang-pejuang kemerdekaan itu.*

**imperialisme** (impérialisme) dasar atau tindakan sesebuah negara menjajah atau mengenakan kuasa pemerintahannya ke atas negara-negara lain.

**imperialistik** (impérialistik) bkn imperialisme.

**impersonal** tidak dipengaruhi atau melibatkan perasaan peribadi, tidak merujuk orang tertentu.

**impetigo** (impétigo) (Ubat) sj penyakit kulit yg teruk dan mudah berjangkit yg dicirikan dgn nanah dan keruping disebabkan oleh jangkitan bakteria.

**impi; mengimpi** bermimpi;

**mengimpikan** mengidamkan, mengharapkan sangat, mengangan-angankan: *apa yg kuimpikan selama ini sekarang menjadi suatu kenyataan;*

**impian** yg diimpikan, angan-angan, khayalan: *berkahwin dgn gadis ~nya; → □ mimpi.*

**implan** (Ubat) sesuatu (bahan, tisu dsb) yg dimasukkan, ditanam atau ditempelkan ke dlm tubuh melalui pembedahan: *salah satu cara moden utk merawat masalah pekak yg serius adalah dgn memasukkan ~ koklea ke dlm bahagian koklea.*

**implementasi** (impléméntasi) proses melaksanakan (mengusahakan) sesuatu, pelaksanaan;

**mengimplementasikan** melaksanakan, menjalankan, menunaikan (tugas, usaha, dll): *utk ~ projek-projek yg telah lama dirancangkan.*

**implikasi 1.** sesuatu (maksud, tujuan, dsb) yg disindirkan atau dibayangkan, tetapi tidak dinyatakan secara terus terang: *apakah ~ kata-kata kamu itu? 2.* kiasan, bayangan (tidak terus terang): *kita tidak dapat memaafkan Rahim yg membiarkan si ibu terus tidak mengetahui apa-apa, walaupun secara ~; 3.* kesan (kemungkinan

dsb) yg terbit atau dapat ditakrif drpd sesuatu: ~ *perkembangan ekonomi ini terhadap keluarga Melayu amat jelas;*

**berimplikasi** mempunyai implikasi: *perhubungan antara fakta dgn teori yg ~ besar terhadap skop analisis sosiologi;*

**mengimplikasi** membuat implikasi;

**mengimplikasikan** membayangkan: *adakah peristiwa ini ~ bahawa masyarakat kita begitu mudah diperalatkan utk kepentingan pihak yg ingin mencari pengaruh?*

**implisit** (dinyatakan secara) tidak langsung atau tidak terang-terangan, tersirat: *hampir separuh sandiwara mengutarakan persoalan nasionalisme, baik secara ~ mahupun eksplisit;*

**mengimplisitkan** menjadikan implisit: *itulah harapannya yg diimplisitkan dlm karyanya.*

**import 1.** pemasukan barang-barang dr luar negeri: ~ *mengatasi eksport;*

**2.** yg dibawa masuk dr luar negeri: *barang-barang ~;*

**mengimport 1.** membawa masuk terutamanya barang-barang dr luar negeri: *negara kita masih ~ beras dr negeri Thai dan Burma;*

**2.** ki membawa masuk sesuatu dr negara atau sumber asing: *selepas perang, pihak Amerika telah ~ konsep persaingan secara bebas tanpa ikatan Jepun; penurunan nilai ringgit tidak ~ inflasi;*

**pengimportan** perihal (perbuatan) mengimport: *menggalakkan ~ bahan makanan;*

**pengimport** orang, syarikat, dll yg mengimport.

**importir** Id pengimport.

**impotens** (Ubat) mati pucuk.

**impregnasi** (imprégnasi) (Ubat) **1.** proses menghamilkan manusia atau membuntingkan haiwan; **2.** proses menepukan sesuatu tisu, biasanya dgn pewarna.

**impresario** (imprésario) penganjur (pengurus, penerbit, pengarah, dsb)  
kumpulan hiburan, spt muzik, sandiwara, konsert, dsb.

**impresif** (imprésif) menerbitkan (menimbulkan) kesan yg kuat dan mendalam (ke atas seseorang dll): *profesionalisme di dlm penerbitan mesti ~ kerana kalau tidak ~ akan meninggalkan kesan yg sebaliknya.*

**impresionis** (imprésionis) pengikut aliran impresionisme.

**impresionisme** (imprésionisme) teknik atau gaya dlm sastera, lukisan, atau muzik yg menyatakan perasaan dgn cara yg kabur dan bukan dgn perincian yg realistik.

**impresionistik** (imprésionistik) lebih berdasarkan tanggapan, bukan fakta atau pengetahuan yg sebenarnya (bkn kritikan, karya dsb): *acapkali kritikan yg dibuat itu bersifat ~ dan kurang mendalam.*

**imprimatura** (S.Lukis) warna nipis sbg lapisan pertama pd latar lukisan.

**improvisasi 1.** perihal (perbuatan) melaksanakan atau membuat sesuatu tanpa persediaan awal, secara spontan, atau dgn menggunakan bahan-bahan yg ada sahaja: *bangsawan dipersembahkan secara ~, memusatkan kebijaksanaan seseorang pelakon, dan pelakonlah sendiri yg mengatur aksi dan dialognya;* **2.** sesuatu yg dihasilkan tanpa persediaan awal, secara spontan, atau dgn menggunakan bahan-bahan yg ada sahaja;

**mengimprovisasi 1.** membuat improvisasi: *beliau menubuhkan kumpulannya dgn meminjam atau menyewa boneka drpd kumpulan lain dan ~ alat-alatnya drpd tin dan tong sbg gendang;* **2.** menggubah lagu, gurindam dsb ketika sedang bermain, membaca dsb, menggubah tanpa persediaan.

**impuls 1.** perasaan ingin melakukan sesuatu secara tiba-tiba (tanpa memikirkan padahnya), dorongan perasaan yg mendadak; **2.** (Bio)



gelombang elektrik yg bergerak melalui gentian saraf (apabila saraf terangsang).

**impulsif** bersifat tergesa-gesa mengikut dorongan hati: *tindakan dilakukan secara terpaksa dan ~.*

**IMR** kep *Institute of Medical Research* (Institut Penyelidikan Perubatan).

**imsak** Ar **1.** menahan diri drpd makan dan minum mulai terbit fajar hingga terbenam matahari dlm bulan Ramadan: *masih wajib ~ walaupun puasanya telah batal; 2.* (waktu) mulai berpuasa, iaitu selepas waktu sahur: *tiap-tiap petang dlm bulan puasa, Televisyen Malaysia menyiarkan waktu berbuka puasa dan waktu ~.*

**imun** (Ubat) terlindung drpd atau tidak dapat diserang oleh sesuatu penyakit tertentu kerana adanya antibodi, inokulasi dsb, lali: *~ terhadap rubela;*

**mengimunkan** membuat seseorang imun terhadap sesuatu penyakit atau jangkitan, terutamanya dgn menyuntiknya dgn vaksin, melalikan: *mereka sudah diimunkan terhadap cacar;*

**keimunan** keupayaan manusia dan haiwan melawan sesuatu penyakit, jangkitan dsb melalui tindakan antibodi atau vaksin: *~ terhadap polio;*

**pengimunan** perihal (tindakan, proses dsb) melindungi seseorang drpd penyakit dgn memberi suntikan vaksin, pelalian: *program ~ orang ramai terhadap virus hepatitis B.*

**imunisasi** perihal atau perbuatan mendapatkan atau memberikan perlindungan drpd penyakit tertentu menerusi suntikan: *wanita dlm lingkungan umur 15 hingga 44 tahun diseru mendapatkan ~ ini.*

**imuniti** **1.** keimunan: *beberapa hari sebelum badan pesakit membentuk ~ secukupnya utk melawan jangkitan; 2.* perihal boleh dilindungi atau dikecualikan drpd sesuatu pendakwaan, kekebalan.

**imunogen** (Ubat) bahan yg mencetuskan gerak balas imun.

**imunologi** cabang ilmu perubatan yg berkaitan dgn pelalian atau daya tahan terhadap penyakit.

**imunoterapi** (imunotérapi) (Ubat) perawatan atau pencegahan penyakit dgn bahan atau antibodi yg merangsang gerak balas imun.

**in** kep inci.

**In** simbol kimia bagi indium.

**in personam** (Latin) (Udg) ditujukan kpd orang tertentu.

**ina** ark emak, ibu.

**inai** **1.** sj tumbuhan (pokok kecil yg daunnya digunakan sbg bahan pemerah kuku dan jari), pacar, *Lawsonia inermis*; ~ batu a) sj tumbuhan (pokok renek), kelampadang, mata keli, *Vaccinium malaccense*; b) = ~ bukit sj tumbuhan (herba), *Impatiens griffithii*; ~ paya sj tumbuhan (herba) temegun, *Hydrocera triflora*; **2.** benda utk memerahkan kuku (dibuat drpd daun inai): ~ yg akan digunakan dlm istiadat bersanding telah siap digiling; menempek ~ = meletakkan ~ membubuh inai pd kuku dan jari; tari ~ tari piring;

~ tertepung, kuku tanggal prb kerja telah siap tetapi faedahnya tidak didapat kerana berlaku sesuatu; *bagai ~ dgn kuku* prb persahabatan yg sangat karib (tidak pernah bercerai); *kaki tertarung ~ padahannya, mulut terdorong emas padahannya* prb mesti berani menanggung akibat janji atau perbuatan;

**berinai** memerahkan kuku dan jari dgn menggunakan inai, memakai inai: *setelah selesai istiadat ~ itu, hidangan pun diangkat orang*; ~ besar menempek inai pd malam menjelang hari perkahwinan (disaksikan oleh orang jemputan); ~ curi menempek inai yg hanya disaksikan oleh keluarga saja;

**menginai** menempek inai pd kuku dan jari: *pengantin itu akan diinai oleh keluarganya sendiri.*

**inang** perempuan yg menjaga (memandikan dll) anak tuannya (biasanya anak raja-raja atau anak orang besar-besar): *baginda telah memilih beberapa orang perempuan yg muda-muda utk menjadi ~ kpd anakanda baginda itu;*

~ *pengasuh* perempuan yg menjaga dan mengasuh (kadang-kadang menjadi teman puteri raja bermain-main); *mak* ~ panggilan yg agak hormat kpd inang yg telah berumur; *penghulu* ~ sl pegawai istana (perempuan) yg mengurus hal-hal istana; *tarian* ~ sj tarian tradisional Melayu;

**menginang** menjadi inang (menjaga anak dll).

**inang-inang** sj makanan (kuih) yg dibuat drpd beras pulut yg dikukus dan dikeringkan sebelum digoreng, ginang-ginang.

**inangda** inang bagi anak raja.

**inap; menginap** menumpang tidur (di rumah sahabat, di hotel, dll), bermalam;

**penginapan 1.** rumah dsb tempat menginap (bermalam): *mereka telah diberitahu di mana ~ masing-masing;* **2.** tumpangan utk bermalam; *tidak ada seorang pun yg sanggup memberi ~ kpd anak-anak kapal itu;*

**penginap** orang yg menginap di sesuatu tempat (rumah, hotel, dsb).

**inas I;** *pekung* ~ sj bisul pd tengkuk.

**inas II** Kl bahagian tengah drpd kisaran (padi dll).

**inayat** Ar pertolongan, bantuan, pemberian (biasanya drpd Tuhan): *dgn ~ Tuhan, dia pun mendapat pekerjaan menjadi pembantu kpd seorang jurutulis.*

**inca;** ~-*binca* ark kacau-bilau, tidak tentu hala.

**incang;** ~-*incut* **1.** tidak lurus, bengkok-bengkok: *kerana dia baru belajar menggunakan mesin jahit, jahitannya ~-incut dan tidak*

*senonoh rupanya; 2. tempang (kerana tidak sama panjang kaki pd kerusi, meja, dll).*

**incar I** sj gerudi, jara.

**incar II; mengincar 1.** melihat dgn memejamkan sebelah mata, membidik: *ia pandai menembak dgn tidak ~; 2.* ki memerhatikan dgn maksud jahat (hendak mencuri dll): *matanya liar ~ kalau-kalau ada orang yg memerhatikan perbuatannya itu.*

**incer** Jk → □ **incar II.**

**inci I** ukuran panjang yg bersamaan dgn 1/12 kaki atau 2.54 sentimeter: *paku itu panjangnya empat ~.*

**inci II** benda yg dipakai utk memerahkan bibir, gincu: *kata orang-orang bandar, benda itu lipstick, tetapi orang kampung menyebutnya gincu atau ~.*

**incil** sl sj pin yg berkepalakan batu permata;

**berincil-incil** penuh dgn incil: *baginda memakai kamar perbuatan jawa ~ berpermata merah.*

**incim** C ark emak, ibu.

**incit** sl nyah!, pergi!;

**mengincitkan** mengenyahkan, menghalau, mengusir: *maka Raja Muda Perempuan diincitkan oleh Bendahara;*

**terincit** terhalau, terusir.

**incung** sj tumbuhan (pokok), jebat musang, mahang putih, *Macaranga tanaria; ~ perlis* sj tumbuhan (pokok), *Berrya cordiflora.*

**incut** tempang, tidak lurus, bengkok: *sangkar burung itu ~ kerana tiangnya pendek satu; incang-~ bengkok-bengkok;*

**terincut-incut** berjalan tempang (kerana sakit tapak kaki atau kaki pendek sebelah).

**indah** cantik, bagus benar, elok, molek: *di kawasan tersebut terdapat beberapa buah bangunan yg sangat ~; ~ permai sangat cantik; ~*

*khobar drpd rupa* prb khobar mengenai satu-satu perkara biasanya dilebih-lebihkan (drpd keadaan yg sebenarnya);

**mengindahkan** menjadikan indah, mencantikkan: *di keliling tasik itu, ditanam berjenis-jenis pokok bunga utk ~ kawasan itu;*

**memperindah** menambah keindahan (kecantikan), memperelok, menjadikan bertambah indah (cantik): *ia tidak pernah menyorot sesuatu karya utk menunjukkan bagaimana unsur-unsur teknik dapat ~ karya itu;*

**keindahan** perihal indah, kecantikan, keelokan: *mereka sedang menikmati ~ alam;*

**pengindahan** perihal (tindakan, proses, usaha, dsb) menjadikan indah, perihal mengindahkan: *kebersihan yg terkawal, ~ bangunan dan kawasan dgn pokok bertanam dan pokok berpasu yg tersusun rapi merupakan satu cerminan hemah dan budi tinggi penghuninya.*

**indak** Mn tidak.

**indang I; mengindang** Mn menampi (beras, padi, dll) dgn nyiru: *sambil ~ beras itu, dia memperhatikan orang yg lalu di hadapan rumahnya;*

*diindang ditampi beras, dipilih antah satu-satu prb Mn jika mencari menantu hendaklah diusul periksa betul-betul supaya tidak ada celanya; tidak terindang dedak, berbiak lagi prb Mn tidak berdaya (bertenaga, berkuasa) lagi.*

**indang II** Jw pertapa perempuan.

**indarus** Mn ayam sabungan yg kalah, luka atau mati (menjadi kepunyaan pihak yg menang);  
*telah jadi ~ prb Mn kalah dlm permainan (terutama permainan judi).*

**indayang** Mn pelepah nyiur.

**indekos** IB bp tinggal (menumpang) di tempat orang dan makan di situ;  
**mengindekoskan** menumpangkan (utk tinggal dan makan).

**indeks** (indéks) **1.** daftar kata penting menurut abjad beserta nombor halaman terdapatnya kata tersebut, biasanya diletakkan di bahagian akhir sesebuah buku; **2.** senarai tajuk buku, nama pengarang dsb yg disusun secara sistematik pd kad di perpustakaan, fahasarat, katalog; **3.** (Eko) laporan secara statistik yg digunakan sbg petunjuk utk mengukur prestasi harga, jumlah atau perkembangan sesuatu kumpulan barang atau aset, atau keadaan ekonomi pd suatu masa atau tempoh masa tertentu: ~ *kewangan*; ~ *emas*;  
~ *emas* (Eko) indeks yg komponennya terdiri drpd semua kaunter yg tersenarai di papan utama dan merupakan salah satu indeks yg menggambarkan prestasi harga keseluruhan pasaran; ~ *harga* (Eko) penunjuk purata harga sekumpulan barang bagi satu tempoh berbanding dgn purata harga bagi barang yg sama pd satu tahun asas; ~ *harga pengguna* (Eko) indeks harga yg menggambarkan perubahan harga runcit barang pengguna yg menjadi penunjuk penting bagi sesebuah negara dan digunakan utk mengira kadar inflasi dan kos sara hidup; ~ *industri* (Eko) indeks yg komponennya terdiri drpd 30 syarikat yg disenaraikan bagi sektor industri sahaja, yg menggambarkan prestasi harga sektor ini; ~ *kewangan* (Eko) indeks yg komponennya terdiri drpd syarikat yg tersenarai bagi sektor kewangan sahaja, termasuklah syarikat insurans di bank, yg menggambarkan prestasi harga sektor ini; ~ *komposit* (Eko) indeks yg komponennya terdiri drpd syarikat berkualiti tinggi dlm pelbagai sektor pasaran saham yg menggambarkan prestasi harga keseluruhan pasaran; ~ *komposit BSKL* (Eko) indeks pasaran yg terdiri drpd 100 kaunter drpd kesemua sektor saham yg diurusniagakan di BSKL; ~ *kualiti udara*

(Geog) indeks bagi bahan cemar yg diperoleh secara arbitrari yg memberikan satu nombor utk menilai aras kualiti udara; ~ *perladangan* (Eko) indeks yg komponennya terdiri drpd syarikat yg disenaraikan bagi sektor perladangan sahaja, yg menggambarkan prestasi harga sektor ini;

**mengindeks** memasukkan (menyenaraikan) sesuatu dlm bentuk indeks: *nama yg diindeks di sini mengikut nama yg sering digunakan;*

**pengindeksan** perihal, proses atau perbuatan mengindeks: *perpustakaan digital perlu meneruskan fungsi pembangunan koleksi, pengkatalogan dan ~, peminjaman, pengedaran, rujukan, selain perkongsian maklumat.*

**indemniti** (indémniti) (Eko) pemulihan kpd mangsa kerugian melalui bayaran tunai, pembaikan atau penggantian.

**inden** Id paksi, poros.

**inden** (indén) **I** (Eko) pesanan pembelian barang secara rasmi;

**inden** (indén) **II** (Cetak) ruang kosong pd baris pertama cetakan atau tulisan;

**menginden** memulakan barisan teks beberapa kedudukan aksara ke dalam, dr jidar kiri atau kanan halaman.

**indentur** (indéntur) (Eko) perjanjian antara penerbit bon dgn pemegang bon, yg mencatatkan syarat-syarat sesuatu terbitan bon.

**indera 1.** = *Betara I* ~ dewa yg memerintah di angkasa (menurut kepercayaan Hindu); **2.** sl sj dewa-dewa yg kurang tinggi martabatnya: *beroleh selamat sempurnalah anakanda drpd sekalian bencana raja-raja di atas kayangan, mambang dewa, cendera dan ~;* **3.** sl raja atau kerajaan; *mahkota* ~ mahkota raja; *Pulau* ~ pulau tempat tinggal raja-raja; *Pulau I* ~ *Sakti* sebuah pulau di Sungai Perak (tempat bersemayam seorang Sultan Negeri

Perak); **4.** gelaran orang besar-besar negeri; *Dato' Maharaja I-*  
gelaran orang besar-besar negeri Perak;

**keinderaan** inderaloka, tempat Betara Indera, syurga: *alkisah,*  
*maka tersebutlah perkataan Bentara Majapahit, asalnya dr ~.*

**Indera Kayangan** panggilan bagi negeri Perlis.

**inderalaksana** sj tumbuhan (pokok kecil yg buahnya menghasilkan sj  
perekat), bunga Siam, pokok lasana, *Acacia farnesiana.*

**inderaloka** sl tempat Bentara Indera, syurga.

**inderawasih** → **cenderawasih.**

**inderia** Id alat perasa (pelihatan, pendengaran, penciuman, dll), deria.

**India** bangsa yg nenek moyang mereka berasal dr benua India.

**indigo** (Kim) sj bahan pewarna biru yg diperoleh drpd penapaian  
tumbuhan *Indigofera*, nila.

**indik; mengindik 1.** menekan ke bawah, memijak, menindih: *dia duduk*  
*sambil ~ belakang kawannya yg telah rebah; 2.* datang dekat dgn  
merangkak, berjalan membongkok-bongkok.

**inding; menginding 1.** mengawas dan memandang dgn harapan utk  
mendapat sesuatu, memasang telinga kerana hendak mendengar  
sesuatu (rahsia dll): *~ orang makan; 2.* mengecek, meminta-minta  
(bkn kanak-kanak): *budak itu sedang ~ kuih adiknya.*

**indium** sj unsur logam yg mulur dan beracun.

**individu** orang perseorangan, manusia seorang diri, terutamanya apabila  
dianggap sbg berbeza drpd yg lain: *tidak dapat kita nafikan betapa*  
*besar pengaruh buku ke atas seseorang ~;*

**keindividuan** sifat yg membezakan seseorang drpd yg lain: *ia*  
*tidak membenarkan anggota-anggota masyarakat menonjolkan*  
*~nya.*

**individual** individu;



**keindividualan** sifat (keperibadian dsb) individu atau orang perseorangan, yg berkaitan dgn individu: *unsur ~ telah juga mengambil alih wibawa keluarga; mahu tidak mahu kaunselor di sekolah-sekolah harus juga membantu murid-murid membentuk sifat ~ masing-masing sebagaimana yg mereka kehendaki.*

**individualis** **1.** orang yg tetap mempertahankan keperibadian dan kebebasan diri; **2.** orang yg memperlihatkan kebebasan dirinya dlm tingkah laku atau tindak-tanduknya (pemikirannya, pendiriannya, dll).

**individualisme** prinsip atau tindakan yg menekankan kebebasan atau sifat-sifat individu seseorang: *suasana dlm sejarah moraliti Barat melahirkan pemberontakan indivudal yg akhirnya melahirkan aliran ~.*

**individualistik** bersikap dsb sbg individualis (tidak dikuasai atau dikongkong oleh golongan atau pihak lain), bersifat individu, berasaskan atau berpegang pd individualisme: *sejarah tetap memberi perhatian kpd aspek-aspek yg lebih ~; keuniversalan ~ dikaji bersama-sama dgn keindividualan.*

**individualiti** keadaan (ciri-ciri) khusus yg membezakan seseorang (sesuatu) drpd yg lain, keindividualan.

**indo** IB peranakan (terutamanya peranakan orang Eropah); *Belanda ~ Belanda peranakan.*

**indoktrinasi** perihal atau perbuatan menanamkan sesuatu doktrin (fahaman, ajaran, dsb) ke dlm fikiran seseorang atau segolongan manusia;

**mengindoktrinasikan** menanamkan sesuatu doktrin (fahaman, ajaran, dsb) ke dlm fikiran seseorang atau segolongan manusia: *drama pd zaman Jepun digunakan utk ~ pengaruh Jepun di rantau ini.*

**indolen** (Ubat) menyebabkan rasa sakit atau rasa nyeri dan membesar secara perlahan-lahan (bkn tumor, ulser dsb): *tumor* ~.

**indu** Mn induk, indung, nenek moyang;

**seperinduan** sekeluarga, berasal drpd satu induk; → **induk**.

**induk** Mn **1.** ibu (terutamanya binatang), emak: *kambingnya ada sepuluh ekor, yg sudah jadi ~ tiga ekor*; **2.** ki yg terutama, yg besar, yg menjadi pokok (asal, punca, asas): *kesalahan yg telah kaulakukan itu adalah ~ kpd segala macam kesalahan*;

~ *ayam* a) ayam betina yg sudah beranak; b) ki orang yg penakut; ~ *bangsa* bangsa yg menjadi punca suku-suku bangsa; ~ *beras (nasi)*

Mn isteri; ~ *cuka* ibu kaki; ~ *hutang* hutang yg asal (tidak bercampur dgn bunga); ~ *jari (tangan)* ibu jari; ~ *kaki* ibu kaki; ~

*kalimat* ayat besar yg menjadi pokok cerita (dlm ayat yg bersambung-sambung); ~ *karangan* karangan yg terutama dlm akhbar atau majalah; ~ *madu* sarang lebah; ~ *pisang* pokok pisang

yg mula-mula ditanam; ~ *roti* ragi utk adonan roti; ~ *rumah* rumah

ibu (bahagian yg besar atau bahagian tengah rumah); ~ *semang* a)

orang perempuan yg mengambil orang lain utk menumpang di rumahnya; b) orang yg memberi pekerjaan atau barang-barang (utk dijual) kpd orang lain; ~ *sutera* sarang ulat sutera; ~ *tentera*

pasukan yg terbesar (dlm gerakan perang);

**berindukkan** mempunyai atau menganggap sesuatu sbg induk: *contohnya, bahasa Latin dan bahasa Yunani yg ~ bahasa Indo-Eropah*;

**perinduk, seperinduk** semua yg berasal drpd satu ibu atau induk, sekeluarga.

**induksi 1.** proses penghuraian yg membawa kpd pencapaian sesuatu kesimpulan hukum drpd fakta atau maklumat yg bersifat khusus; **2.**

pengenalan kpd organisasi (pekerjaan, tugas, jawatan dsb) yg baru:  
*kursus ~.*

**induktif** berkaitan dgn atau menggunakan induksi: *keutamaan mestilah juga diberi kpd penggunaan pendekatan ~ dan pendekatan deduktif secara betul dan cekap.*

**induktor** (Kej) peranti (gegelung) yg mempunyai sifat aruhan elektrik.

**indung** ibu, induk (terutamanya pd benda-benda dan binatang);

*~ madu* sarang lebah yg berisi madu; *~ mutiara* siput mutiara.

**indusemen** (indusemén) IB pembelian barang dgn membayar terlebih dahulu.

**industri** perusahaan (biasanya secara besar-besaran) utk membuat, menghasilkan, mengeluarkan barangan: *negara itu mempunyai ~ yg maju;*

*~ berat* perusahaan yg mengeluarkan barangan atau bahan utk keperluan perusahaan lain; *~ kecil dan sederhana* perusahaan yg pusing ganti jualan tahunannya tidak melebihi RM25 juta, dan jumlah pekerja tidak melebihi 150 orang; *~ ringan* perusahaan yg memerlukan modal kecil utk mengeluarkan barangan pengguna;

**mengindustrikan** menjadikan berindustri;

**perindustrian** perihal industri, yg berkaitan dgn industri: *negara ~ negara yg kehidupan sebahagian besar drpd penduduknya bergantung pd industri;*

**pengindustrian** usaha (kegiatan, proses) mendirikan dan memajukan perusahaan.

**industrialis** orang yg mengusahakan industri.

**industrialisasi** pengindustrian: *kecekapan teknik dan pengurusan mereka boleh digunakan utk menjayakan lagi proses ~ negara kita Malaysia.*

**industrialisme** organisasi atau penyusunan masyarakat yg lebih tertumpu kpd pembinaan perusahaan pembuatan atau pengilangan secara besar-besaran (tidak pd perniagaan, pertanian, dll).

**inap** → □ **inap**.

**inersia** (Fiz) sifat jasad yg menyebabkannya berada dlm keadaan rehat atau, jika bergerak, terus bergerak dlm garis lurus, melainkan jika diganggu oleh daya luar.

**infak** Ar pemberian (sumbangan) wang, harta dsb yg dibelanjakan utk kebajikan, spt derma, sedekah dsb: *asrama itu memerlukan ~ drpd orang ramai utk membolehkannya menyelenggarakan kos operasi hariannya;*

**berinfak** memberikan atau mengeluarkan infak: *katanya, dia akan tetap ~ sekadar yg termampu; seseorang yg ~ utk mencari keredaan Allah;*

**menginfakkan** menyumbangkan (membelanjakan, mengeluarkan) sebahagian wang, harta dsb utk kebajikan: *dia selalu ~ hartanya semata-mata utk mendapatkan keredaan Allah; mereka akan ~ semua keuntungan itu kpd ahli ibadat, ahli zuhud dan ulama.*

**infantisid** (Udg) jenayah membunuh bayi atau anak kecil.

**infantri** pasukan (tentera) berjalan kaki.

**infeksi** (inféksi) kena kuman penyakit, dijangkiti oleh penyakit, jangkitan.

**inferens** kesimpulan yg dibuat berdasarkan fakta (asas) tertentu.

**inferior** (inférior) rendah kedudukan (taraf, pangkat, martabat, dsb), kurang baik mutu atau nilai.

**infestasi** (inféstasi) (Bio) keadaan apabila manusia atau haiwan dihinggapi parasit (biasanya pd luar tubuh).

**infiltrasi** penyusupan yg dilakukan dgn diam-diam, perbuatan memasuki kawasan musuh dgn beransur-ansur.

**infiniti** keadaan (masa, ruang) yg tidak ada batasnya: *alam ini hanya satu ruang yg terbentang sehingga ke ~, tiada akhir dan awalnya.*

**infinitif** (Lin) bentuk kata yg tidak dibataskan oleh diri, bilangan atau kala.

**inflamasi** (Ubat) radang.

**inflasi** keadaan harga barang bertambah tinggi disebabkan bertambahnya kuasa membeli; ~ *lampau* inflasi yg amat sangat.

**infleksi** (infléksi) → □ **fleksi**.

**influenza** (influénza) demam selesema.

**informal** tidak formal, tidak mengikut cara dsb yg sudah menjadi kebiasaan atau yg sudah ditetapkan: *mesej yg disampaikan kpd pembaca dilakukan secara ~ supaya tidak ketara bahawa penulis memaksa para pembaca menerima mesej tadi.*

**informan** orang yg memberi keterangan atau maklumat tentang sesuatu perkara, pemberi maklumat.

**informasi** IB keterangan, maklumat;

**berinformasi** mempunyai informasi, berpengetahuan: *kemudahan mengakses internet perlu diperbanyak dlm usaha kerajaan mewujudkan masyarakat yg ~.*

**informatif** mengandungi (memberikan) maklumat, keterangan, dsb yg berguna bkn sesuatu: *risalah itu sangat ~ dan berguna bagi para pelajar baru.*

**INFOTERM** akronim bagi *International Information Centre for Terminology* (Pusat Maklumat Peristilahan Antarabangsa).

**infra-** awalan asing bawah, di bawah, mis *infrabunyi* dan *infrasonik*.

**infrabunyi** (Fiz) gelombang bunyi pd frekuensi yg terlalu rendah, iaitu di bawah 15 Hz, dan tidak dapat didengar oleh telinga manusia.

**inframerah** (inframérah) = *sinaran* ~ sinaran elektromagnet yg panjang gelombangnya terletak antara 730 nm – 1 mm (iaitu antara panjang gelombang sinaran nampak dgn gelombang radio).

**infrasonik** (Fiz) berkaitan dgn gelombang bunyi yg frekuensinya di bawah aras yg dapat didengar oleh manusia.

**infrastruktur** **1.** struktur asas sesuatu organisasi, sistem, dsb; **2.** kemudahan dan perkhidmatan asas (spt kemudahan pengangkutan, pendidikan, kesihatan dsb, bekalan kuasa elektrik, dan pelbagai kemudahan lain yg diperlukan utk pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara, masyarakat, organisasi, dsb), prasarana.

**infusi** (Ubat) kaedah memasukkan ubat atau cecair (selain darah) ke dlm tubuh secara terus dan perlahan-lahan ke dlm vena (saluran darah) utk rawatan.

**inga; inga-inga, teringa-inga** termangu-mangu (kerana sedih, terkejut, dll), hilang akal, termenung-menung.

**ingar** Br, Sr bising.

**ingat** **1.** masih ada dlm fikiran, tidak lupa: *ia masih ~ lagi namaku; ~-ingat lupa* antara ingat dgn tidak ingat (tidak berapa ingat); *memberi ~ memberitahu* (supaya ingat); **2.** timbul lagi dlm fikiran, tahu, sedar: *sesampai di pejabat baru saya ~ bahawa saya belum makan pagi*; **3.** (dlm keadaan) sedar, siuman: *setelah beberapa lama pengsan maka ~lah ia akan dirinya; ~ akan keadaan diri* sedar akan hal diri; *tidak ~ a) terlupa; b) tidak sedarkan diri*, pengsan; **4.** = **ingat-ingat** hati-hati, berjaga-jaga, bersedia-sedia: *kata orang tua-tua, ~ sebelum kena*; **5.** bp bercadang, berhajat, berniat: *dia ~ nak bertolak semalam tetapi tak sempat*; **6.** bp fikir, rasa: *saya ~ perkara ini mesti diselesaikan dgn segera; ~ ranting yg akan melenting, dahan yg akan mencucuk, duri yg akan mengait* prb ketika membuat sesuatu pekerjaan hendaklah

sentiasa berhati-hati terhadap segala bahaya dan rintangan; ~ *sebelum kena, jimat sebelum habis* prb hendaklah sentiasa berhati-hati supaya jangan terpedaya dan habis harta; ~ *yg di atas, yg di bawah akan menimpa* prb Mn orang yg berkuasa hendaklah berhati-hati menjalankan kewajibannya (jangan sampai orang yg di bawahnya disusahkan atau menentangnya);

**seingat, seingat-ingat** sepanjang ingatan (seseorang): *selama bekerja dgn Datuk dan berpuankan Datin, ~ saya, dia tidak pernah membantah;*

**berseingat** ark berhati-hati; ~ *diri* berhati-hati supaya diri selamat;

**beringat, beringat-ingat** berjaga-jaga, berhati-hati, cermat: *dia sangat ~ pd masa berucap itu agar jangan tersinggung sesiapa;*

**mengingat 1.** ingat (akan): *dia cuba ~ kembali perkara-perkara yg telah dipercakapkan;* **2.** duli (akan), mengenang: *beliau meminta supaya tiap-tiap anggota polis itu sentiasa ~ bagaimana dia akan mendapat rezeki esok;*

**mengingati** mengingat akan: *dia sentiasa ~ pesan ibunya; kata-kata cikgu tadi diingatinya kembali;*

**mengingatkan 1.** mengingat akan: *keningnya kelihatan berkerut-kerut spt orang yg sedang ~ sesuatu;* **2.** memberi ingat, memberi nasihat, dll supaya sedar akan tanggungjawab (kewajiban, tugas, dll): *ibunya pernah ~ bahawa tidak ada sebaik-baik tempat utk mengadu selain drpd Tuhan;* **3.** menimbulkan ingatan (menyebabkan terkenang): *sepasang kasut hitam yg telah tembus tapaknya ~ dia kpd pak ciknya di kampung;*

**memperingati 1.** mengenangkan sesuatu peristiwa dsb dgn perayaan (kenduri dll): *perayaan itu diadakan kerana ~ hari tertubuhnya Malaysia;* **2.** mencatat, membuat peringatan (dlm buku dll);

**memperingatkan** memberi ingat, memberi nasihat dll supaya sadar akan tanggungjawab dll: *saya telah banyak kali ~ mereka tentang bahaya bermain bunga api dekat rumah;*

**teringat** ingat dgn tiba-tiba, terkenang, timbul dlm fikiran: *dia ~ satu kisah yg hampir-hampir sama dgn pengalamannya sekarang;*

**teringat-ingat** terkenang-kenang, sentiasa ingat, tergambar dlm ingatan: *walaupun telah lama berpisah tetapi saya masih ~ mukanya yg sentiasa tersenyum itu;*

**teringatkan** teringat akan;

**ingatan 1.** sesuatu yg diingat, sesuatu yg timbul dlm fikiran: *kalau tak salah ~ saya orang itu pernah datang meminta kerja di pejabat ini;* **2.** kuasa utk mengingat sesuatu (yg didengar, dipelajari, dibaca, dilihat, dll): *walaupun umurnya telah lanjut ~nya masih kuat lagi; (menjawab) dgn ~ (menjawab soalan) dgn apa yg ada dlm ingatan (dgn tidak melihat buku catatan);* **3.** fikiran, kesedaran, sesuatu yg terbit dlm fikiran: *tiba-tiba ~nya melayang kpd isteri dan anak-anaknya yg berada di kampung; pd masa itu ~ku hanya satu iaitu hendak menjadi seorang pelukis yg terkemuka; hilang ~ pengsan, tidak sedarkan diri; ~nya kurang baik fikirannya kurang sempurna (hampir-hampir nak gila); sakit ~ sakit otak (gila);* **4.** perhatian: *sila ambil ~ bahawa kerja ini mesti disiapkan dlm tempoh seminggu lagi;* **5.** (Komp) bahagian di dlm komputer yg menyimpan maklumat;

**ingat-ingatan 1.** kenang-kenangan: *pd masa hidup kita hendaklah membuat jasa utk menjadi ~ dan sebut-sebutan orang di belakang hari;* **2.** tidak berapa ingat, ingat lupa;

**peringatan 1.** nasihat (teguran dll) utk diingati: *saya telah beberapa kali mengingatkan dia tentang kecuaiannya itu tetapi ~ saya tidak dipedulikannya;* **2.** catatan, keterangan: *semua perkara*



*besar yg berlaku tiap-tiap hari dicatatnya dlm sebuah buku ~; 3. sesuatu yg digunakan utk memperingati atau mengenang sesuatu, kenang-kenangan: ia membeli sebuah lencana kecil tanda ~ menyambut kemerdekaan; tugu ~; 4. ingatan: ~ manusia hanya singkat sahaja;*

**peringatan** perihal mengingat (mengingat);

**peringat** orang yg tidak mudah lupa sesuatu (yg didengar, dipelajari, dibaca, dilihat, dll): *dia itu ~ benar orangnya.*

**ingau; mengingau** mengigau;

**mengingaukan** **1.** mengigaukan; **2.** ki terlalu berharap utk mendapatkan sesuatu;

**ingau-ingauan** selalu terkejut (terutamanya orang yg sedang sakit).

**inggang;** *~-ingung* bergoyang, bergoncang.

**Inggeris** = *orang* ~ rakyat negara England khususnya dan (kadang kala) Great Britain umumnya (biasanya dimaksudkan mereka yg berkulit putih); *bahasa* ~ bahasa sebagaimana yg dipertuturkan oleh orang Inggeris; *lagu* ~ lagu yg seni katanya dlm bahasa Inggeris;

**menginggeriskan** **1.** menterjemahkan sesuatu (ayat, ujaran) ke dlm bahasa Inggeris; **2.** menjadikan sesuatu keinggerisan;

**keinggerisan** terlalu terpengaruh oleh (terikut-ikut, bersifat, dsb) Inggeris atau cara Inggeris: *bukan stail yg menunjukkan ketegasan fikiran melainkan betapa ~ cara kita berfikir; penggunaan kata-kata yg tidak tepat, stail yg ~, dan ayat-ayat yg tidak lengkap;*

**peringgerisan** perbuatan menginggeriskan sesuatu.

**inggh** Jw ya.

**inggu I** **1.** sj getah yg dibekukan (baunya agak busuk, boleh dibuat ubat dr tumbuhan *Ferula spp.*; **2.** sj tumbuhan (herba yg daunnya berbau busuk dan dibuat ubat sakit perut), *Ruta graveolens.*

**inggu** II **1.** sj ikan laut, *Amphiprion spp.*; **2.** sj ikan laut, ikan babi, *Holacanthus spp.*

**inggung** → **inggang**.

**ingin** berasa mahu, hendak akan sesuatu, berhasrat: *sekarang ia ~ ketawa pula, ketawa sepuas-puasnya; saya ~ bertemu dengannya apabila ia datang nanti; ~ akan sate;*

*~ dibuah manggis hutan, masak ranum tergantung tinggi prb menghendaki sesuatu yg agak susah didapati; ~ hati memandang pulau, sampan ada pengayuh tiada prb ingin hendak membuat sesuatu pekerjaan tetapi alatnya atau wang tidak cukup;*

**beringin** berkehendak (akan), berharap (akan), berhasrat (akan): *~ akan mendapat seorang anak yg pandai;*

**beringinkan** berkehendak akan, berharap akan;

**mengingini, menginginkan** **1.** menghendaki, mengharap: *semua manusia ~ kesenangan hidup; 2.* mengidamkan: *~ buah-buahan yg masam-masam;*

**memperingin, memperingini** menaikkan hati (orang lain) supaya ingin akan sesuatu;

**teringin** sudah berasa ingin: *dia ~ hendak makan telur penyu;*

**keinginan** apa-apa yg diingini atau diinginkan, kehendak, kemahuan;

**berkeinginan** mempunyai keinginan: *lelaki yg ~ melamar, dibenarkan melihat gadis idamannya menerusi penghantaran wakil-wakil selaku perisik.*

**ingka, ingkak; gelak** ~ tertawa gelak-gelak, tertawa kuat-kuat.

**ingkar** Ar **1.** = *~ akan* tidak membenarkan (mengaku), menafikan, menyangkal, mungkir: *jika mereka ~ akan apa yg tersebut itu maka terserahlah kpd Allah; 2.* enggan, tidak menurut, tidak mahu:

*ada orang yg ~ menderma; 3. penafian, penyangkalan, perihal memungkiri;*

**mengingkari** memungkiri, menafikan, tidak mengakui (mentaati, menuruti, dll), menderhakai: *banyak askar yg lari, yg menjadi lanun dan dgn berterang-terang ~ perintah-perintah waizuri;*

**keingkaran 1.** perihal ingkar (menafikan dll); **2.** keengganan;

**pengingkaran** perihal mengingkari (menafikan, menyangkal, mungkir), penafian, penyangkalan, pemungkiran;

**pengingkar** orang atau pihak yg ingkar.

**ingsun** Jw sl **1.** aku; **2.** kami.

**ingus** → **hingus**.

**inhalan** (Ubat) ubat sedut.

**inheren** (inhéren) wujud sbg sifat semula jadi seseorang atau sesuatu.

**ini 1.** kata penunjuk utk benda (tempat dan waktu) yg dekat, lwn itu:

*gunung apa ~?; pulang sekali ~ lain tidak kerana terpaksa sahaja;*

**2.** baru ini, kini, sekarang: *engkau nak pergi ~ juga, kan kereta api lambat lagi?;*

*~ dia* nah inilah; *~ itu* ini dan itu (berbagai-bagai, bermacam-macam, tak tentu); *~kan*, = *~ konon*, = *~ pula* istimewa pula, lebih-lebih lagi, apa lagi, tambahan pula; *~ pun* sekarang pun.

**ining** (Suk) (dlm kriket atau besbol) giliran seseorang pemain atau sesuatu pasukan membuat pukulan.

**inisial** deretan huruf besar (lazimnya dua atau tiga sahaja) yg digunakan oleh individu bagi mewakili nama penuh masing-masing.

**inisiatif** daya usaha (tindakan dll) yg mula-mula: *di dlm bukunya itu dia ada menitikberatkan betapa pentingnya ~ perseorangan; mengambil ~ mulai bertindak (berusaha dll);*

**berinisiatif** mempunyai inisiatif: *pegawai yg ~.*

**inja;** *~ payung* sj tumbuhan (pokok), kerambilan, *Biophytum sensitivum*.

**injak; injak-injak, injak-injakan** **1.** alat (pd mesin jahit, perkakas tenun, dll) yg digerakkan dgn kaki, rakap, pedal (basikal); **2.** papan (besi dll) sbg pemijak pd kereta dll;

**menginjak** **1.** meletakkan kaki pd, memijak, menjijak: *ia berbual-bual sambil berjalan ~ tar yg panas*; **2.** mulai; ~ tahun baru mulai tahun baru; **3.** sampai (tiba) ke, bertemu dgn: *di sini kita ~ lapangan kebudayaan*;

**menginjak-injak** **1.** menginjak berkali-kali: *benda itu diinjakinjak dgn tumit kakinya*; **2.** ki tidak menghiraukan (peraturan dll), tidak mempedulikan, tidak menghargai;

**menginjakkan** = ~ kaki meletakkan (memijakkan) kaki pd: *ia ~ kakinya ke lantai*;

**terinjak** terjijak, terpijak;

**terinjak-injak** ki sangat tidak dipedulikan (dihiraukan, diendahkan);

**injakan** hasil atau perbuatan menginjak.

**injap** **1.** pintu pd bubu yg berbentuk corong utk ikan masuk (tetapi menahannya drpd keluar), unjap, pelidah: *ikan besar tidak ada seekor pun, adakah kerana ~ lukah itu terlalu kecil?*; masuk ~ tertipu (tertangkap dll); **2.** benda yg mencegah cecair atau angin mengalir kembali (dlm paip, jantung, dll): *salur darah mempunyai ~ bagi mencegah darah mengalir balik dr arahnya*; ~ ini menyekat apabila minyak sudah penuh dlm ruang pelampung; **3.** (Bio) segmen yg terjadi setelah pecahnya kelompang, sebelah drpd cepu debunga setelah pecah: *sebelum pucuk berdaun keluar, langgai-langgai ini pecah terbuka oleh lima buah ~ lalu melepas-bebaskan kekabu keluar*.

**injek** (injék); **menginjek** bp memasukkan ubat ke dlm tubuh dgn jarum, menyuntik.

**injeksi** (injéksi) IB suntikan: *ia pandai juga mengubati dgn tidak payah pakai ~ atau suntik;*

~ *beras* Id tambahan persediaan beras kerana mengelakkan drpd naik harganya;

**menginjeksi** menyuntik.

**injeksyen** (injéksyen) bp hasil atau perbuatan menginjek, suntikan.

**Injil** = *kitab* ~ kitab suci agama Kristian, kitab Wasiat Baru: *bahawa kisah ia menjadi seorang nabi itu ada tersebut di dlm kitab Taurat dan kitab ~; guru ~;*

**penginjil** ark Id guru Injil, orang yg mengajar agama Kristian.

**injili** ark yg berkenaan kitab Injil, menurut kitab Injil.

**injin** C ark emak, ibu.

**injunksi** (Udg) perintah mahkamah yg menuntut supaya pihak yg terbabit tidak mengambil (menghentikan) sesuatu tindakan atau sebaliknya: *Mahkamah Tinggi hari ini mengeluarkan ~ menghalang Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia drpd mengisytiharkan pilihan raya kecil di kawasan tersebut.*

**inkarnasi** penjelmaan semula (seseorang) dlm bentuk tertentu selepas meninggal.

**inkasso** Id upah kpd pemungut wang.

**inkontinens** (Ubat) keadaan tidak upaya mengawal buang air kecil atau air besar.

**inkubator** **1.** alat pemanas utk mengerami dan menetas telur secara artifisial; **2.** alat utk membantu bayi yg baru lahir pramatang berada dlm persekitaran dan pd suhu yg sesuai dan terkawal.

**inkues** (inkués) (Udg) siasatan rasmi mengenai punca sebenar kematian seseorang.

**inkuilin** (Bio) haiwan yg hidup di tempat tinggal haiwan lain dan berkongsi makanan dgn haiwan perumah.

**inokulasi** (Ubat) penyuntikan agen penyakit spt vaksin virus ke dlm tubuh individu yg sihat utk menghasilkan keimunan aktif pd individu berkenaan;

**menginokulasi** melakukan inokulasi (terhadap): ~ *murid sekolah itu utk mencegah penyakit taun.*

**inovasi** **1.** sesuatu yg baru diperkenalkan spt kaedah, sistem, adat, dll yg baru: *bank ini telah menghasilkan beberapa ~ dlm perkhidmatan bank, mis rangkaian mesin teler automatik; ini bererti perancangan utk mewujudkan ~ dan mencapai kemajuan perlu berlaku setiap masa;* **2.** perihal (tindakan dsb) mengadakan, memulakan, dsb sesuatu yg baru: *faktor penting ialah menggalakkan manusia menggunakan kebolehan kreativiti dan ~ mereka;*

**menginovasi** membuat inovasi: *negara-negara membangun tidak berpeluang ~ teknologi tersebut;*

**penginovasi** orang yg membuat inovasi, inovator: ~ *teknologi.*

**inovatif** merupakan (bersifat) inovasi: *Long Thien Shih yg terkenal dgn karya-karya yg ~ belajar di bawah tunjuk ajar S.W. Hayter di Atelier 17, Paris; perubahan secara kreatif dan ~; pembentukan metafora dlm puisinya terasa segar dan ~.*

**inovator** orang yg melakukan inovasi, penginovasi: *golongan guru yg berperanan sbg ~ pendidikan.*

**input** **1.** sumber yg diperlukan utk pengeluaran: ~ *pengeluaran elektronik kebanyakannya diimport oleh Malaysia utk diproses;* **2.** (Komp) perisian atau data yg dibawa ke dlm sistem utk diproses; **3.** sumber yg berupa maklumat, pengetahuan dsb yg berguna: *sidang itu bertujuan memberikan ~ kpd penggiat teater; penceramah agama dr luar negara turut dijemput bagi membolehkan masyarakat*

*Islam mendapat ~ yg lebih meluas; 4. (Fiz) daya penggerak atau isyarat yg dikenakan terhadap suatu litar, peranti atau mesin;*

**menginput** (Komp) memasukkan data, maklumat dsb ke dlm komputer: *~ data ke dlm komputer; pengguna juga bertanggungjawab ~ data urusan melalui pangkalan data yg disediakan;*

**penginputan** (Komp) perihal menginput data dsb ke dlm komputer: *~ data ke dlm komputer sedang giat dijalankan.*

**insaf 1.** rasa belas kasihan, rasa simpati, rasa keadilan: *Tuhanlah juga akan membalas ~ kasihan tuanku itu; 2. = ~ akan dapat memahami sesuatu perkara sehingga menimbulkan kesedaran: dia telah ~ sekarang dan telah kembali ke jalan yg benar;*

**menginsafi** mengerti betul (akan) dan menyedari keadaan yg sebenarnya: *ia berjalan balik ke biliknya ~ kelemahannya sendiri;*

**menginsafkan** menasihati (mengajar dll) supaya insaf: *moga-moga tulisan ini ~ sesetengah golongan utk menghormati lagu Negaraku;*

**keinsafan** rasa insaf, kesedaran: *peristiwa itu telah menimbulkan ~ di dlm jiwanya.*

**insan** Ar makhluk yg dicipta oleh Allah SWT yg tidak terlepas drpd kealpaan, manusia; *~ kamil manusia yg sempurna, iaitu Nabi Muhammad SAW;*

**keinsanan** kemanusiaan.

**insang** organ pernafasan pd kebanyakan binatang yg hidup dlm air (spt ikan, udang, dll): *ada binatang mamalia yg hidup dlm air yg tidak bernafas dgn ~; dgn menggunakan ~ berudu menyerap oksigen dr dlm air;*

*~ pari sj jahitan utk mengemaskan tepi kain (tanpa membuat kelim);*

**berinsang** memakai (mempunyai) insang;

*asal ~ ikanlah* prb perihal orang yg tidak memilih pekerjaan (makanan, perempuan, dll).

**insani** Ar (yg) mengenai manusia, kemanusiaan; *ilmu ~ ilmu* bkn manusia yg belum jadi.

**insaniah** Ar berkaitan dgn manusia, bersifat kemanusiaan: *faktor ~ atau akhlak harus dikaitkan dlm falsafah pendidikan; sesebuah karya tidak terhasil dlm kekosongan, tetapi sebaliknya melalui proses interaksi alamiah dan ~.*

**insektarium** (inséktarium) (Bio) tempat khas utk memelihara dan membiakkan serangga bagi tujuan penyelidikan, kajian dsb.

**insektisid** (inséktisid) racun serangga.

**insektivor** (inséktivor) (Bio) binatang yg memakan serangga, atau tumbuhan yg memerangkap dan menyerap serangga.

**inseminasi** (inséminasi) (Ubat) pernianian.

**insentif** (inséntif) sesuatu (yg berupa kebendaan atau tidak) yg diberikan atau ditawarkan sbg dorongan atau galakan, dorongan, galakan: *berbagai-bagai ~ disediakan utk pelabur asing menanam modal di negara ini; di samping itu beliau menawarkan barangan mekap kpd setiap ahli yg menghadiri kelas solekannya sbg ~ utk pelanggannya.*

**inses** (insés) (Udg) sumbang mahram.

**insiden** bp kejadian, peristiwa.

**insidental** (insidéntal) berlaku secara kebetulan sehubungan dgn perkara lain yg lebih penting.

**insinuasi** tuduhan yg tersembunyi (tidak langsung), ucapan yg tidak secara langsung ditujukan kpd seseorang utk menghina: *adalah membahayakan suara-suara yg mencuba memecahkan persatuan itu dgn tuduhan fitnah dan ~.*



**insinyur** IB jurutera.

**insisi** (Ubat) **1.** proses menghiris tisu dgn alat yg tajam dlm sesuatu pembedahan; **2.** hirisan yg terhasil apabila tisu dihiris dgn alat bedah yg tajam.

**insisor** (Ubat) gigi kacip.

**in situ** (Latin) berada pd kedudukan asal atau normal.

**inskripsi** sesuatu (kata, ungkapan, lambang, dsb) yg ditulis atau diukir pd permukaan sesuatu (tugu, duit syiling, dll), prasasti.

**insomnia** (Ubat) keadaan tidak dapat tidur atau sukar utk tidur.

**inspeksi** (inspéksi) IB **1.** pemeriksaan, pengawasan; **2.** memeriksa, mengawas.

**inspektor** (inspéktor) **1.** pegawai yg memeriksa sama ada peraturan, standard, dll dipatuhi atau tidak, pemeriksa; merinyu. **2.** = ~ *polis* pegawai polis yg pangkatnya lebih tinggi drpd sarjan dan di bawah penguasa.

**inspirasi** ilham, bisikan hati: *dr mana ia mendapat ~ menulis rencana ini?; sesuatu hasil sastera tidak lagi dianggap sbg suatu hasil ~ atau ilham belaka;*

**berinspirasi** mempunyai inspirasi: *kita memohon bantuan drpd orang yg celik akal yg ~.*

**Inst.** kep Institut.

**instalasi** IB **1.** istiadat pelantikan (penabalan dll); **2.** perihal mengatur (memasang) alatan rumah dll.

**instansi** IB **1.** peringkat (pengadilan); **2.** jabatan-jabatan kerajaan (awam), kantor, pejabat; *rumah* ~ rumah utk pegawai kerajaan.

**institusi** **1.** badan atau organisasi yg ditubuhkan utk sesuatu tujuan tertentu; ~ *pengajian tinggi* universiti atau maktab; ~ *kewangan* bank dsb; **2.** sesuatu (spt agama, ciri-ciri budaya, dll) yg sudah berakar umbi atau menjadi kukuh dlm masyarakat dll: ~ *pawang*,

*bomoh, atau dukun sudah ada dlm budaya Melayu berabad-abad lamanya; penghuraian terhadap ~ agama Islam;*

**menginstitusikan** menjadikan (sbg suatu) institusi, menjadikan sesuatu berakar umbi atau kukuh dlm masyarakat dll: *berpunca drpd keadaan inilah timbul satu perbezaan jelas antara lelaki dan wanita, lalu diinstitusikan;*

**keinstitusian** yg berkaitan dgn sistem, ciri, atau sifat institusi: *susunan ~ hendaklah mencerminkan tahap amanah yg tinggi, sikap terbuka, dsb;*

**penginstitusian** perihal menginstitusikan sesuatu (badan, organisasi, kaedah) supaya kukuh dlm masyarakat atau organisasi: *kelompok sains itu mempunyai beberapa ciri khusus yg memungkinkan ~ kaedah sains.*

**institut** organisasi yg ditubuhkan utk tugas tertentu spt pendidikan, penyelidikan saintifik, dll: *I~ Tadbiran Awam; I~ Teknologi Mara.*

**instruksi** Id **1.** perintah, arahan: *lampu itu kuselubungi dgn sebuah tutup, sesuai dgn ~ pihak berkuasa; 2.* pelajaran (kpd tentera);

**menginstruksikan** **1.** memerintahkan, mengarahkan; **2.** mengajarkan.

**instrumen** (instrumén) **1.** alat, perkakas (muzik, pertukangan, dll); **2.** (Eko) dokumen rasmi yg sah di sisi undang-undang dan mengikut peraturan tertentu yg menyatakan hak pihak-pihak yg terlibat dlm sesuatu kontrak dsb, surat cara; ~ *kewangan* (Eko) a) dokumen rasmi yg berkaitan dlm bidang kewangan; b) sebarang bentuk pelaburan dlm pasaran saham atau aset kewangan yg lain, mis bon, saham, deposit tetap dsb.

**instrumental** (instruméntal) dipersembahkan dgn alat-alat muzik sahaja (tanpa nyanyian): *dr peti radio terdengar lagu ~.*

**instrumentasi** (Muz) **1.** alat muzik orkestra yg digunakan dlm persembahan; **2.** susunan atau gubahan muzik bagi kumpulan tertentu alat-alat muzik.

**insulin** (Bio) hormon yg dikeluarkan oleh pankreas utk mengawal kepekatan glukosa dlm darah.

**insurans** perjanjian tanggungan yg dibuat oleh sesebuah syarikat utk mengganti kerugian dan bayaran premium tertentu;

*masuk* ~ dipertanggungkan dlm insurans, mengambil insurans; ~

*kebakaran* insurans yg menjamin ganti rugi sekiranya berlaku kebakaran (pd rumah dll); ~ *nyawa* insurans yg menjamin ganti

rugi sekiranya orang yg berkenaan meninggal dunia; ~ *nyawa*

*bekal umur* insurans yg menjamin bayaran sekiranya orang yg berkenaan mencapai umur yg tertentu atau meninggal dunia;

**berinsurans** mempunyai insurans: *setiap barang berharga di rumahnya* ~;

**menginsuranskan** melindungi seseorang atau sesuatu drpd risiko, kerugian, dsb dgn insurans: *barang-barang itu sudah diinsuranskan drpd segala risiko*;

**penginsurans** (Eko) pihak dlm kontrak insurans yg bertanggung jawab membayar tuntutan, faedah atau memberi perkhidmatan mengikut syarat kontrak insurans.

**insya-Allah** Ar jika diizinkan Allah.

**inta** Ar → **anta II.**

**intai**; **mengintai** melihat dgn bersembunyi-sembunyi utk mengetahui gerak-geri orang dll, mengintip, memata-matai: *ia ~ dr celah-celah dinding*; *kapal terbang melayang-layang di udara* ~ *kapal selam*;

**mengintai**, **mengintai-intaikan** mengamat-amati, memerhati, memata-matai: *sudah lama kami intaikan, tuan bertambah kaya dgn barang larangan semacam ini*;

**pengintaian** 1. perihal mengintai; 2. tempat mengintai;

**pengintai** orang yg mengintai.

**intan** 1. batu permata yg sangat indah (utk permata cincin dll), berlian yg kurang baik asahannya; ~ *air beras* intan yg putih; ~ *mentah* batu intan yg belum dicanai; 2. ki orang yg dicintai, buah hati, kekasih, kesayangan: *amboi, gunung payung, ~ gemala, urat rambut batu kepala emak; ~ payung* ki buah hati, kesayangan; ~ *berlian jangan dipijakkan* prb untung bahagia jangan dielakkan; ~ *itu jika terbenam dlm pelimbahan sekalipun tidak akan hilang cahayanya = jikalau ~ itu biar keluar drpd mulut anjing sekalipun, bernama ~ juga* prb perkataan yg baik itu, biarpun keluar drpd mulut orang yg hina, baik juga; *dahulu ~, sekarang jadi batu belanda* prb perihal orang berbangsa yg sudah tidak berharga lagi; **berintan** berhias intan: *cincin ~*.

**INTAN** akronim bagi Institut Tadbiran Awam Negara.

**intaran** sj tumbuhan (pokok), sadu, *Melia indica*.

**integer** (intéger) (Mat) angka bulat.

**integral** (intégral) mengenai keseluruhannya, menjadi lengkap dgn bahagian-bahagiannya.

**integrasi** penggabungan atau pergabungan dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian, dll) menjadi satu kesatuan; penyatuan: *soal ~ kaum ke arah satu masyarakat beridentiti Singapura; pencapaian ~ budaya hanya mungkin tercapai dgn mencari ruang-ruang budaya yg membolehkan wujudnya kerjasama dlm erti yg sebenar;*

**berintegrasi** bergabung, berpadu;

**mengintegrasikan** menggabungkan dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian, dll) menjadi satu kesatuan: *semua suku harus ~ diri menjadi satu keluarga besar bangsa Indonesia; peranan pemasaran harus diperluas dan diintegrasikan dlm organisasi;*

**terintegrasi** disatupadukan: *bangsa yg ~ kelompok etniknya;*

**pengintegrasian** proses mengintegrasikan sesuatu (masyarakat, pandangan, dll): *akademi gelanggang terbuka bagi ~ perspektif pelbagai bidang sains sosial; ini merupakan kesan langsung drpd kegagalan ~ politik negara kota itu.*

**integriti** (intégriti) **1.** kejujuran: *mencemarkan nama baik dan ~ jabatan.*

**2.** keadaan sempurna dan utuh, keutuhan;

**berintegriti** mempunyai integriti (kejujuran, ketulusan dsb): *pengarah yg ~ pasti akan mempertahankan nama baik mereka drpd sebarang bentuk penyelewengan.*

**intelek** (intelék) kemampuan (daya) berfikir dan memahami (menganalisis dsb), akal budi; *golongan (kaum) ~ golongan (kaum) cerdik pandai, golongan cendekiawan, golongan terpelajar;*

**mengintelekan** menjadikan seseorang intelek.

**intelektual** (inteléktual) **1.** orang (kaum, golongan) terpelajar, cerdik pandai, cendekiawan: *membentuk kesedaran dan menarik bakal-bakal ~ yg sedang belajar; kalau kita mengkaji ~ barat, kita dapati kebudayaan dan pengetahuan bahasa Arab tersebar luas ke Eropah oleh pendeta-pendeta yg melarikan diri; 2.* mempunyai kemampuan yg tinggi utk berfikir (menggunakan akal budi);

**mengintelektualkan** menjadikan seseorang intelektual: *~ ulama;*

**keintelektualan** perihal (kemampuan) menggunakan intelek atau akal budi, sifat (sbg) intelektual: *sejarah kemahasiswaan Universiti Malaya ialah sejarah pencarian adaptasi dan penyesuaian antara ~ mahasiswa dgn keperluan rakyat;*

**pengintelektualan** proses menjadikan seseorang atau sesuatu intelektual: *antara isu perancangan bahasa ialah ~ bahasa Malaysia.*

**intelektualisme** (inteléktualisme) **1.** pengabdian kpd penggunaan intelek atau daya berfikir: *Islam membawa semangat rasionalisme dan ~ bukan sahaja di kalangan istana malah merebak di kalangan rakyat jelata; perkembangan profesional memberi fokus kpd ~*; **2.** doktrin yg menekankan bahawa pengetahuan terhasil dgn taakulan tulen.

**inteligensia** (intéligénsia) kaum intelek, kaum cerdik pandai, kaum cendekiawan.

**intensif** (inténsif) dgn giat dan sungguh-sungguh: *pertanian dijalankan secara ~; latihan dlm bidang penangkapan ikan laut dalam hendaklah diadakan secara ~; penggunaan tanah yg terlalu ~; ~ buruh memerlukan atau menggunakan tenaga kerja yg banyak supaya dapat menjalankan sesuatu tugas dlm jangka masa yg singkat (bkn industri dsb); ~ modal memerlukan pelaburan sejumlah besar wang utk membeli jentera moden dsb dlm proses pengeluaran sesuatu industri dsb;*

**mengintensifkan** menjadikan intensif, memperhebat, mempergiat, memperkuat;

**keintensifan** perihal (keadaan) intensif, intensiti;

**pengintensifan** perbuatan mengintensifkan sesuatu usaha: *~ penyelidikan sains.*

**intensiti** (inténsiti) keadaan yg amat sangat (hebat, sungguh-sungguh, mendalam, dsb), keamatan: *reka bentuk latar ini pula turut melibatkan elemen-elemen lain spt ~ pencahayaan bagi sesuatu adegan.*

**interaksi** tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, tindak balas antara dua atau beberapa pihak: *kaunseling ialah satu proses yg melibatkan ~ antara seorang kaunselor dgn kliennya;*

*komunikasi massa sering diertikan sbg proses perhubungan atau ~ antara individu dlm sesuatu kelompok masyarakat;*

**berinteraksi** bertindak (berhubungan secara aktif dsb) antara satu sama lain, saling bertindak (mempengaruhi, berhubungan, dsb): *persidangan itu telah memberi banyak peluang kpd para peserta utk ~ serta bertukar-tukar fikiran; murid-murid drpd berbagai-bagai kaum bergaul dan ~.*

**interaktif 1.** saling bertindak, berhubung, dsb antara satu sama lain: *bengkel itu dapat mewujudkan suasana ~ bagi menjalin hubungan antara penggubal dasar, badan pengawalan dan industri;* **2.** (Komp) membolehkan pengaliran maklumat dua hala yg berterusan antara komputer dgn penggunanya, atau antara pengguna dgn pengguna melalui komputer: *peringkat ketiga pula membabitkan sistem ~ antara pelajar dgn pensyarah.*

**interen** (intéren) IB dlm lingkungan sendiri; *urusan ~ urusan dalam.*

**interferon** (interféron) (Ubat) sj bahan protein yg dihasilkan oleh sel badan sbg tindak balas kpd jangkitan virus yg membantutkan pertumbuhan virus tersebut.

**interim** bersifat sementara (sehingga satu penyelesaian yg mantap dicapai): *perjanjian ~; buku ~.*

**interkom** sistem perhubungan telefon utk perhubungan di dlm sahaja (spt di dlm bangunan, di dlm kapal terbang, dsb).

**interlingua** bahasa ciptaan (buatan) yg melambangkan makna yg terdapat pd bahasa asli dan digunakan utk terjemahan dgn komputer dll.

**interlokal** antara dua atau lebih tempat (perhubungan dll).

**interlokutor** (Lin) orang yg menyertai sesuatu perbualan, perbincangan atau dialog.

**interlud** (Muz) muzik instrumental ringkas yg dimainkan sbg selingan antara babak atau adegan dlm sesuatu persembahan drama dsb.

**intermeso** (intermésó) → **intermezo**.

**intermezo** (intermézo) interlud.

**internasional** antarabangsa; *perjanjian* ~ perjanjian antarabangsa.

**internasionalis** **1.** penyokong internasionalisme; **2.** orang yg arif tentang undang-undang antarabangsa.

**internasionalisme** prinsip yg menganjurkan semangat persefahaman di kalangan pelbagai negara demi kepentingan bersama: *para pemimpin negara yg berpandangan jauh dan berpegang pd prinsip ~.*

**internat** IB asrama, tempat pemondokan.

**Internet** (internét) rangkaian komputer antarabangsa yg membolehkan pengguna komputer di seluruh dunia berhubung antara satu sama lain dan mencapai maklumat pangkalan data dr seluruh dunia;

**menginternetkan** memasukkan data, maklumat dsb ke dlm rangkaian Internet, dan menyebarkannya melalui Internet: ~ *sastera Malaysia.*

**internir** IB; **menginternir** mengasingkan (tahanan politik), menahan di suatu tempat: *dia pernah diinternir di Boven Digul;*

**interniran** **1.** tempat pengasingan; **2.** orang yg diasingkan, orang tahanan (politik dll).

**internis** doktor yg mengkhusus dlm perubatan dalaman.

**interpelan** IB penyoal (dlm parlimen).

**interpelasi** IB soalan mengenai dasar-dasar kerajaan dlm parlimen oleh ahli-ahli parlimen kpd kerajaan.

**interpersonal** bkn hubungan sesama manusia: *hubungan ~.*

**Interpol** akronim bagi *International Police* (Polis Antarabangsa).



**interpolasi** penyisipan atau penyelaan (kata-kata, ayat-ayat, dll) baru dlm naskhah dll.

**interpretasi** (interprétasi) tafsiran, penjelasan (tentang makna, tujuan, implikasi, dsb sesuatu): *berbagai-bagai ~ telah diberikan terhadap peristiwa tersebut; selama kita berpegang pd hakikat ini, selama itu pula kita tidak mungkin memberikan ~ baru terhadap karya sastra lama kita;*

**menginterpretasikan** membuat interpretasi tentang (sesuatu), mentafsirkan: *tugas utama bimbingan kerjaya ialah ~ dan meramalkan perubahan belia; ~ segala bentuk tingkah laku;*

**penginterpretasian** perihal (proses) menginterpretasikan sesuatu, pentafsiran: *bentuk-bentuk logik ini merupakan ~ makna yg masih berada pd tahap yg longgar dan kabur;*

**penginterpretasi** (orang dll) yg menginterpretasikan sesuatu perkara, pentafsir: *ia hanya bertugas sbg ~ yg dangkal.*

**interseks** (interséks) (Ubat) individu yg mempunyai kedua-dua sifat kelelakian dan keperempuanan, sama ada dr segi fizikal atau perasaan.

**intervensi** (intervénsi) campur tangan dlm urusan antara dua pihak (orang, negara, golongan) lain.

**interview 1.** temu ramah, temu bual, wawancara: *Perdana Menteri telah mengadakan ~ selama satu jam;* **2.** temu duga: *ia menunggu panggilan ~ utk jawatan kosong itu;*

**menginterview 1.** menemu ramah, menemu bual, mewawancara: *ia datang utk ~ guru besar;* **2.** menemu duga (pemohon-pemohon pekerjaan, biasiswa, dsb): *beberapa orang pemohon pekerjaan itu telah dipanggil utk diinterview;*

**penginterview 1.** orang yg menginterview (menemu ramah, menemu bual, mewawancara), penemu ramah, penemu bual, pewawancara;

**2.** orang yg menginterview (menemu duga), penemu duga.

**inti 1.** isi (drpd gula, kelapa, dll) yg terdapat dlm kueh (spt karipap dll); ~ *udang* isi kueh yg dibuat drpd udang; **2.** benda yg menyerupai inti; ~ *sanggul* isi sanggul (supaya nampak besar); **3.** isi yg terpenting (dr sesuatu perkara), pati, sari: ~ *perselisihan*; *soal kerjasama merupakan ~ perbincangan dlm mesyuarat itu*;

**berinti** berisi inti: *lepat ubi yg tidak ~*; *kueh pau ~ kacang merah*;

**berintikan** mempunyai sesuatu sbg inti.

**intifadah** Ar kebangkitan penduduk Palestin utk menentang orang Israel yg menduduki Semenanjung Gaza dan Tebing Barat, yg bermula pd tahun 1987.

**intiha** Ar akhir, penghabisan, penutup, perhentian.

**intikad** Ar bangkangan, bantahan, kritikan, sanggahan.

**intil** Jw; **mengintil** membuntuti, mengekor, mengikut.

**intim** sangat mesra dan rapat atau karib (bkn perhubungan, persahabatan, dsb): *meskipun kedua-dua belah negara menghadapi masalah dr semasa ke semasa, hubungan Malaysia dan Singapura tetap ~*;

**keintiman** perihal (keadaan, perhubungan) intim, keakraban.

**intimidasi** perbuatan menakut-nakutkan (orang), gertak.

**intip; mengintip 1.** mengintai, memata-matai: *ada orang yg ~ gerak-geri kita*; **2.** mencari-cari rahsia, keterangan, dll atau melihat pergerakan musuh (dgn cara menyamar dsb), menyuruh, merisik: ~ *musuh*; ~ *rahsia*;

**intipan** usaha mengintip: *kau masih di dlm ~ polis*; *penangkapan Salam itu adalah hasil drpd ~ mata-mata gelap selama sebulan*;

**pengintipan** hal atau perbuatan mengintip.

**pengintip** orang yg mengintip, penyuluh.

**inti pati, inti sari** bahagian yg terpenting (terutama) dlm sesuatu perkara.

**intonasi** (Lin) turun naik atau tinggi rendah nada suara (sewaktu bercakap);

**berintonasi** mempunyai intonasi: *anggapan kami mungkin ternyata benarnya apabila dilihat drpd gaya mukadimah khutbahnya yg ~ tersendiri.*

**intra-** awalan asing di sebelah dalam atau di dalam, mis *intravena*.

**intransitif** (Lin) tidak diikuti oleh objek (penyambut) langsung (bkn kata kerja).

**intraotot** (Ubat) dalam atau ke dalam otot: *suntikan ~*.

**intravena** (intravéna) (Ubat) dalam atau ke dalam vena: *suntikan ~*.

**intrinsik** sbg sebahagian drpd sifat atau ciri seseorang atau sesuatu: *perubahan ~ yg berlaku dlm kehidupan peribadi dan sosial pelajar menyebabkan mereka berfikiran sbg orang Islam dan bukan sbg orang Melayu yg terpengaruh dgn budaya; kekreatifan sebahagian besarnya terletak pd aspek ~, iaitu pd sikap, nilai, dan dorongan.*

**introdusir** IB ark; **mengintrodusir** memperkenalkan (diri dll).

**introspeksi** (introspéksi) proses penilaian diri (fikiran, idea, perasaan) dgn mendalam (biasanya dlm tempoh yg agak lama), muhasabah: *terdapat kecenderungan baru dlm kelompok penyair 60-an utk membuat ~ kpd hal-hal dlm diri;*

**mengintrospeksi** membuat introspeksi.

**introspektif** (introspéktif) cenderung utk membuat introspeksi (membuat penilaian diri).

**introversi** (Psi) kecenderungan atau sikap seseorang yg suka memendam rasa dan menumpukan perhatian pd dirinya sendiri, tidak suka bergaul dlm masyarakat atau dunia luar.

**introvert** (Psi) orang yg bersifat suka memendam rasa dan menumpukan perhatian pd dirinya sendiri, tidak suka bergaul dlm masyarakat atau dunia luar.

**intu; mengintu** Pr menghidupkan api (utk memasak).

**intuisi** daya atau kebolehan memahami (mengetahui, merasai) sesuatu tanpa berfikir atau membuat pertimbangan secara sedar, gerak hati.

**intuitif** menurut (berasaskan) intuisi; *kesedaran* ~ kesedaran yg disebabkan oleh gerak hati (bukan dgn berfikir).

**inulangan** bendera, panji, tunggul.

**invalide** IB orang yg cacat (anggotanya).

**invar** (tanda dagang) aloi yg terdiri drpd 63.8% besi, 36% nikel, 0.2% karbon yg sangat kecil darjah pengembangannya.

**invasi** IB pelanggaran (penyerangan, penyerbuan) ke atas negara lain.

**inventif** (invéntif) berupaya (cenderung, suka dsb) mereka cipta sesuatu (benda dsb) yg baru, berdaya cipta: *sememangnya dia seorang ibu yg ideal serta berfikiran kreatif dan ~; kurikulum itu, antara lain, bertujuan utk melahirkan generasi muda yg berfikiran kreatif, inovatif dan ~.*

**inventori** (invéntori) senarai terperinci barang-barang yg terdapat di tempat tertentu (pejabat, kedai, dll).

**inversi** (Lin) pembalikan susunan kata-kata dlm ayat (mis *ia makan nasi* menjadi *makan nasi ia*).

**invertase** (Bio) enzim yg terdapat dlm yis atau usus kecil, dan berfungsi utk memangkinkan hidrolisis disakarida kpd monosakarida.

**invertebrat** (invertébrat) (Bio) binatang yg tidak bertulang belakang, mis cacing, udang dan siput.

**Invertebrata** (invertébrata) (Bio) kumpulan haiwan yg tidak bertulang belakang.

**investasi** (invéstasi) IB penanaman modal;

**menginvestasi** menanam modal.

**in vitro** (Latin) di luar badan organisma, biasanya di dlm tabung uji:  
*persenyawaan ~ kini merupakan penyelamat kpd pasangan yg mandul.*

**in vivo** (Latin) berlaku di dlm tubuh organisma hidup (bkn proses atau uji kaji biologi): *kajian ~; proses ~.*

**invois** dokumen yg menyenaraikan barang-barang atau perkhidmatan yg dibekalkan kpd pelanggan dan menyatakan jumlah wang yg perlu dibayar oleh pelanggan;

**menginvois** mengeluarkan atau mengirimkan invois (kpd pembeli atau pelanggan): *kerja ~ dapat dibuat dgn cepat jika adanya ketepatan dlm rekod stok.*

**invokasi** permohonan (kpd Tuhan) utk mendapatkan pertolongan atau perlindungan: *oleh itu kita melihat bentuk pujian atau ~ dlm upacara menepung tawar dan mendoakan sebuah kapal perang, kapal terbang, atau sebuah enjin kereta api baru.*

**inya** Jw arkinang.

**inyik** Mn nenek, datuk, kakek.

**iodida** (Kim) sebatian yg mengandungi iodin.

**iodin** (Kim) unsur kimia bukan logam yg menyerupai klorin dan bromin (digunakan utk ubat dan dlm membuat foto).

**ion** (Kim) atom atau kumpulan atom yg bercas elektrik;

*~ hidrogen ion positif yg terhasil apabila atom hidrogen hilang elektronnya, proton; ~ karbonium ion organik yg mengandungi karbon bercas positif;*

**mengion** bertukar menjadi ion: *molekul kuprum sulfat akan ~ menjadi ion kuprum dan ion sulfat;*

**mengionkan** menukarkan atau menyebabkan sesuatu menjadi ion:  
*sinaran yg masuk ke dlm kebuk ini akan ~ molekul udara pd jejak laluanannya;*

**pengionan** proses mengion atau mengionkan: *unsur logam mempunyai nilai keupayaan ~ yg rendah.*

**ionosfera** (ionosféra) (Ast) lapisan atmosfera bumi yg paling atas, tempat berlakunya pengionan dan pemantulan gelombang radio ke sekeliling bumi.

**iota** huruf kesembilan dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol I, ι.

**ipar** saudara suami (isteri); *abang ~ abang suami atau isteri; adik ~ adik suami atau isteri; ~-duai, = ~-lamai* saudara pupu kpd suami atau isteri;

**beripar** mempunyai hubungan sbg ipar: *dia ~ dgn saya;*

**beriparkan** mempunyai seseorang sbg ipar: *Hasmah ~ seorang peguam.*

**ipil** sj tumbuhan (pokok besar), *Intsia spp.*

**iprit; mengiprit** Id, bp berlari kencang-kencang.

**IPTA** kep Institusi Pengajian Tinggi Awam, mis Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

**IPTAR** akronim bagi Institut Penyiaran Tun Abdul Razak.

**IPTS** kep Institusi Pengajian Tinggi Swasta, mis Universiti Petronas, Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti Multimedia.

**ipuh 1.** sj tumbuhan (pokok yg getahnya beracun), *Antiaris toxicaria*; **2.** = *getah ~ racun drpd getah pokok ipuh, upas; ~ akar = akar ~ = ~ akar besar* sj tumbuhan (pokok), *Strychnos ovalifolia*; *~ akar putih* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar serawan, *Roucheria griffithiana*;

**beripuh** beracun.

**ipuk** Jw; **mengipuk** menyemaikan (benih dll);

**ipukan** semai(an);

**pengipukan** penyemaian, semaian benih.

**ipung** sj ular kecil yg hijau warnanya.

**IQ** kep *intelligence quotient* (darjah kecerdasan otak).

**iqamat** Ar seruan terakhir utk mendirikan sembahyang (selepas azan);

**beriqamat** membaca iqamat: *selepas azan bilal ~*;

**mengiqamatkan** membacakan seseorang (bayi perempuan)

iqamat: *bayi perempuan itu sudah diiqamatkan oleh bapanya.*

**iqlab** Ar (dlm hukum tajwid) penukaran bunyi huruf nun mati atau tanwin kpd bunyi mim mati apabila bertemu dgn huruf ba.

**Ir I** simbol kimia bagi iridium.

**Ir II** Id kep insinyur.

**ira 1.** pangsa durian (limau dll), pangsa; **2.** = ~ *kayu* urat pd kayu; **3.** = ~ *daging* urat besar pd daging; **4.** = ~ *benang*, = ~ *kain* urat benang yg memanjang pd kain;

~ *beralun* ira kayu yg susunannya beralun dgn agak sekata; ~ *kasar* ira kayu yg gelang pertumbuhannya lebar dan jelas (dgn perbezaan yg ketara antara kayu awal dgn kayu akhir); ~ *lintang* ira kayu yg susunannya tidak selari dgn paksi utama kayu; ~ *lurus* ira kayu yg susunannya selari dgn permukaan memanjang kepingan kayu; ~ *pilin* ira kayu yg susunannya berpintal melingkungi paksi batang atau dahan pokok; ~ *rapat* ira kayu yg gelang pertumbuhannya nipis dan tidak berapa ketara.

**IRA** kep *Irish Republican Army* (Tentera Republikan Ireland).

**iradat** Ar kehendak, kemahuan (Tuhan): *Tuhan yg amat berkuasa melakukan kudrat dan ~-Nya.*

**iram** ark berubah air muka, menjadi pucat.

**irama 1.** ukuran masa atau tempo (pd muzik): ~ *perlahan digantikan dgn yg rancak*; **2.** panjang pendek bunyi yg teratur, turun naik bunyi yg

teratur (pd lagu dll), rentak: *penari-penari sedang rancak menari mengikut ~*; **3.** ki gaya, tingkah, ragam, rentak: *cara pelaksanaan oleh budi daya manusia berubah-ubah, se~ dgn perubahan suasana dan keadaan.*

**berirama** dgn (memakai) irama, berentak: *gerak badan ~ gerak badan mengikut irama*;

**mengiramakan** memberikan irama (pd lagu dll): *kanak-kanak boleh bertepuk ~ lagu, kalau irama lagu itu senang diikuti.*

**iram-iram**; *payung ~ sl sj payung kerajaan, payung ubur-ubur.*

**Iranum** suku kaum peribumi di Sabah yg tinggal di pesisiran pantai daerah Kota Belud yg aktiviti utamanya berkaitan dgn laut, juga dikenali dgn nama Iranon, Irranun, Illanun, Ilanun, Iranon-Meranao atau Meranao, dan dipercayai berasal dr Pulau Mindanao, Filipina.

**irap I** seakan-akan, hampir-hampir sama (pd rupa, warna, dll).

**irap II** kirap, kibas.

**iras I = seiras** asal drpd satu bahan dan tidak bersambung: *jenis keris Majapahit yg mempunyai hulu dan mata seiras; keris ganja ~ keris sepukal (keris yg hulu dan matanya dibuat drpd besi yg satu)*;

**mengiras** merupakan satu (bukan bersambung drpd dua atau tiga bahan).

**iras II** Mn; **seiras, iras-iras** hampir serupa (dgn), hampir semacam atau sama (dgn): *mukanya iras-iras Mussolini; mereka mempunyai bahasa sendiri iras-iras bahasa Melayu; ada iras-iras dgn hampir serupa dgn, mirip kpd*;

**mengiras-iras** menyerupai, mirip;

**mengiras-irasi** menyama-nyamakan, membanding-bandingkan rupa orang (muka dll);



**keirasan** sifat (ciri-ciri dsb) yg hampir serupa dgn atau mirip kpd sesuatu: *ada ~ dgn konsep heroisme.*

**iras III; irasan** seni batik kain yg dijadikan dasar tekatan atau sulaman (kain baldu utk tekatan manakala kain kapas, kasa, sutera utk sulaman).

**iri; mengiri** iri hati kpd, mencemburui, mendengki;

**pengiri** (orang yg) mudah iri hati, pendengki.

**iridium** (Kim) sj unsur logam.

**iridologi** kaedah mendiagnosis penyakit melalui pemeriksaan iris mata.

**iri hati 1.** berasa (perasaan) tidak senang dgn kelebihan orang lain dll, cemburu, dengki: *ada pula yg ~ melihat kemajuan yg telah dicapainya; 2.* berkeinginan utk mencapai, menikmati atau memiliki sesuatu (kejayaan, kebaikan dsb) spt yg dicapai, dinikmati atau dimiliki orang lain: *kami juga ~ melihat kejayaan anak-anak Pak Ngah dan ingin mencontohi mereka; Razak Abdullah menyifatkan kejayaannya dlm Sijil Pelajaran Malaysia adalah berkat rasa ~nya terhadap sikap pelajar Cina yg kuat belajar;*

**beriri hati** menaruh rasa iri hati, berdengki (hati);

**keirihatian** perihal (perasaan) iri hati.

**irigasi** pengairan: *kita mesti memimpin orang desa bagaimana membangunkan ~ yg lebih baik.*

**irigator** sj alat penyembur utk membersihkan luka dll.

**irik; mengirik 1.** menginja, memijak: *diiriknya batang itu dr kanan berguling ke kiri; 2.* memijak-mijak padi utk meleraikan buah drpd tangkainya, memukul-mukul kacang (utk mengupas atau memisahkan kacang drpd tangkainya): *selepas ~, padi itu dijemurnya;*

**pengirik** orang yg mengirik, alat utk mengirik; *kayu ~ kayu penebah.*

**iring** I ikut, turut; *darah ~* Id darah yg keluar kemudian; *~ gemiring* Mn berlinang-linang (air mata);

**seiring** 1. bersama-sama berjalan (bergerak, terbang, dll): *kapal terbang jet yg terbang meluru dua ~*; 2. = **seiringan** bersama-sama, sekali, serentak: *~ dgn pemberontakan itu, ahli-ahli parlimen menuntut diadakan perubahan besar perundangan; pemikiran estetik dlm kritikan sastera Melayu boleh dikatakan bermula dlm tahun 50-an juga, iaitu ~ dgn konsep "seni utk seni"; ~ bertukar jalan, seia bertukar sebut* prb perihal beberapa orang yg berbeza dlm cakap (bicara) tetapi sama dlm maksud; *menohok kawan ~* prb perihal orang yg mencelakakan kawan sendiri;

**beriring, beriringan** berjalan dll bersama-sama, berturut-turut: *mereka berjalan ~*;

**beriring-iring, beriring-iringan** berjalan dll berturut-turut, berjalan berjajar-jajar: *itik ~ menuju ke air; mereka berjalan beriring-iringan;*

**mengiring, mengiringi** 1. menemani utk mengawal dll, menyertai, mengikuti: *hulubalang yg ~ Bendahara itu ialah Sang Setia, Sang Naya dan Sang Guna*; 2. berlaku (terdapat) berserta atau berikutan dgn, menyertai, mengikuti: *letupan yg dahsyat itu diiringi oleh dua letupan lagi; catatan yg mengiringi karya-karya mereka;*

**mengiringkan** 1. mengiringi: *dua laksa orang berkuda ~ dia; segala hulubalang dititahkan baginda ~ Bendahara*; 2. menyertakan, memasukkan (bersama-sama): *beberapa alasan diiringkan bersama-sama bantahannya; diiringkan menyepak, dikemudiankan menanduk* prb perihal sesuatu yg serba menyusahkan;

**iringan 1.** yg mengiringi (mengikuti, menyertai): *lagu Melayu asli dgn ~ Orkes Rindu Malam; ~ kata = kata ~ kata aluan* (pendahuluan, pengantar) pd buku dll; **2.** = **iring-iringan** arakan, perarakan;

**pengiringan** perihal mengiringi;

**pengiring** orang dll yg mengiring(i), pengikut, peneman: *barang-barang yg tidak berkenaan diberikan baginda pd orang muda-muda ~ baginda; lagu ~ dimainkan semula.*

**iring II** lambung, samping, sisi: *sedang mereka berpelukan itu diambillah gambar dr sebelah ~ mereka oleh jurugambar;*

**mengiring 1.** dgn lambung (sisi) dihadapkan kpd sesuatu (orang dll): *duduknya tidak berhadapan lagi dgn aku, tetapi ~;* **2.** di atas sisi (samping): *letakkan botol itu ~;* **3.** berbaring di atas sisi (lambung): *puas menelentang ia ~, puas ~ ia meniarap;*

**mengiringkan** menghadapkan sisi (lambung) kpd sesuatu, membaringkan di atas sisi (lambung): *ia ~ badannya mengadap ke sebelah kanan;*

**iringan** sisi, lambung, samping: *anak itu terlena di ~nya; dia tertimpuh di sebelah ~ datuknya.*

**iris** (Bio) mata hitam.

**irit I** Jw tidak boros, hemat, jimat;

**mengirit** menghematkan, menjimatkan;

**pengiritan** penghematan, penjimatan;

**pengirit** orang yg tidak boros, penghemat, penjimat.

**irit II; iritan** heretan; → **heret.**

**iritasi** (Ubat) keadaan atau rasa tidak selesa (gatal-gatal, pedih, sakit, bengkak, panas dsb) pd sesuatu bahagian tubuh akibat sesuatu rangsangan, kerengsaan.

**iritis** (Ubat) radang pd iris.

**ironi** keadaan atau kejadian yg menunjukkan pertentangan atau kesan sebaliknya antara sesuatu yg dijangkakan dgn yg menjadi hakikatnya: *~nya jika "Dasar Belia Nasional" ini mahu diterima, maka dgn sendirinya kita mempersempit ruang lingkup pelaksanaan dasar itu sendiri.*

**ironis** menunjukkan atau bersifat ironi: *Abdullah Hussain cuba menghidupkan situasi yg ~ dan menarik tentang sikap manusia yg berubah itu.*

**irung** sj mangkuk (cawan) kecil utk minum arak, sj guci.

**irus** Jw cedok, pencedok, senduk.

**is** sr kata utk menyatakan kekesalan (kebencian, kejijikan), his, isy.

**ISA** kep *Internal Security Act* (Akta Keselamatan Dalam Negeri).

**isbat** Ar ketetapan, penetapan, pengukuhan, sah (tentu);

**mengisbatkan** mengesahkan, menetapkan, menentukan, mengukuhkan (kebenaran sesuatu);

**pengisbatan** penetapan, penentuan, pengesahan: *~ yg jelas oleh Aquinas ini bukanlah bermakna manusia itu tidak ada kuasa.*

**ISBN** kep *International Standard Book Number*.

**iseng** Jk **1.** berasa hampa (tidak melakukan sesuatu); **2.** melakukan sesuatu untuk mengisi-isi masa (supaya tidak hampa): *aku jalan-jalan ~ di sepanjang jalan Majapahit ini;* **3.** tidak mahu tinggal hampa (suka mengganggu dll);

**iseng-iseng** berlengah-lengah (berbuat sesuatu), melakukan sesuatu utk menghabiskan masa dll: *berkawan dgn dia hanya ~ sahaja, kalau aku berasa sepi.*

**isi** **1.** sesuatu yg termuat dlm sesuatu benda, kandungan: *apakah ~ bakul itu?; berapa gelen ~ tong itu?; ~ surat;* **2.** inti sari, pati: *dlm puisi ~ atau erti itu sama pentingnya dgn keindahan luar; ia cuba mengingat-ingat ~ bualan tadi;* **3.** bahagian (pd buah dll) yg bukan

biji (yg dikandung oleh kulit): ~ *durian ini tebal dan manis pula rasanya*;

~ *dada (hati, perut)* perasaan atau fikiran; ~ *kahwin* mas kahwin (pemberian drpd bakal suami); ~ *kampung (negeri dsb)* penduduk kampung (negeri dsb); ~ *perut* a) kandungan dlm perut (badan manusia dll); b) segala yg tersimpan dlm hati (perasaan, fikiran, dsb); ~ *rumah* seluruh penghuni rumah;

~ *lemak dapat ke orang, tulang bulu pulang ke kita* prb orang lain mendapat senangnya, kita mendapat susahnyanya; *bagai* ~ *dgn kuku* prb perihal persahabatan yg sangat karib;

**seisi** seluruh isi; ~ *negeri* seluruh isi negeri; ~ *rumah* seluruh isi rumah;

**berisi 1.** mempunyai isi, tidak kosong: *bintit-bintit itu ~ nanah*; *padi tidak ~*; **2.** tidak kurus, gemuk: *pemuda yg berbadan gempal ~*; **3.** = **berisikan** mengandungi, bermuat: *baldi yg ~ air mandi*; **4.** mempunyai: *aku hanya ~ dgn ilmu tanggapan pancaindera dan tanggapan akal*;

*tidak ~ lagi, sudah tinggal kotaknya saja* prb perihal orang yg dahulunya bagus tetapi kini tidak lagi;

**mengisi** menjadikan (sesuatu spt beg, botol, dll) berisi, memasukkan sesuatu supaya berisi, memuatkan atau mengambil tempat (ruang dsb) di sesuatu supaya berisi: ~ *botol dgn air*; *buku-buku utk ~ perpustakaan*; ~ *adat* a) menjalankan segala peraturan adat; b) memenuhi (kewajiban dll): *budaya tidak lagi ~ keperluan individu dan utk kebahagiaan individu*; *tanggungjawab mereka utk ~ Dasar Bahasa Kebangsaan*; ~ *jawatan* menempatkan pegawai pd (atau melantik seseorang memegang) jawatan yg kosong; ~ *kemerdekaan* melaksanakan hak-hak yg telah diperoleh dgn

kemerdekaan; ~ *waktu* melakukan sesuatu supaya jangan terbuang waktu;

**mengisikan** memasukkan (menaruh, menempatkan) sesuatu ke dlm (sesuatu bekas dll): *minyak itu diisikan ke dlm botol; guru memberikan latihan-latihan spt ~ perkataan pd tempat-tempat yg kosong;*

**terisi** sudah (sedia, telah) diisikan, terpuh: *bakulnya ~ dgn seekor ikan kurau dan sayur kangkung; pulanglah perempuan muda itu dgn hajat yg ~;*

**isian 1.** benda yg diisi(kan); **2.** ruang yg boleh diisi(kan), muatan, kapasiti; *surat ~ borang;*

**perisian** = ~ *komputer* program atau atur cara komputer yg dapat digunakan dgn sistem komputer tertentu: *doktor lebih mudah menentukan rawatan dan pencegahan penyakit jantung dgn menggunakan ~ komputer yg direka khas;*

~ *bersepadu* perisian yg menggabungkan pelbagai ciri yg biasanya wujud secara berasingan dlm satu perisian yg besar dan bersepadu; ~ *kongsi* perisian atau dokumen yg diedarkan oleh pembuat perisian untuk dikongsi bersama oleh pengguna komputer;

**pengisian** perihal atau perbuatan mengisi atau mengisikan;

**pengisi 1.** orang (alat) yg mengisi; ~ *pojok* penulis ruangan sudut surat khabar; **2.** sesuatu yg diisikan; ~ *perut* makanan dan minuman; ~ *waktu* pekerjaan dll utk mengisi masa lapang; **3.** tempat utk mengisi: ~ *dawai*; **4.** = *angka* ~ (Mat) angka-angka yg kalau didarabkan menghasilkan suatu jumlah: *1, 2 dan 3 ialah ~ bagi angka 6; ~ rata* (Mat) angka yg menjadi pengisi utk lebih drpd satu nombor; ~ *tunggal* (Mat) angka pengisi yg tidak dapat dibahagi lebih lanjut.

**isih; berisih** beratur;

**mengisih** **1.** mengatur, menyusun: *pak cik pun mulalah ~ orang-orang yg duduk tidak teratur itu*; **2.** mengasing-asingkan (menurut jenis, ciri-ciri tertentu, dll): *~ surat*; *~ kad-kad perbahanan perkamusan*;

**pengisihan** **1.** perbuatan mengisih (mengatur, menyusun), pengaturan, penyusunan; **2.** perbuatan mengatur (mengasing-asingkan menurut jenis dsb), pengasing-asingan;

**pengisih** **1.** orang yg mengisih (mengatur, menyusun), pengatur, penyusun; **2.** orang yg kerjanya mengisih (mengasing-asingkan menurut jenis dsb), pengasing; **3.** alat utk mengisih (mengasing-asingkan menurut jenis dsb), pengasing.

**isikel** (Geog) ais berbentuk tirus yg tergantung pd bumbung, pokok dsb, yg terhasil drpd titisan air yg membeku.

**isim** Ar **1.** nama: *ia duduk sambil membaca ~ Allah*; **2.** = **isim-isim** mantera yg mengandung nama Tuhan; *gila ~ gila* yg berakibat drpd tersalah amal ilmu batin.

**isi padu** sukatan atau ukuran ruang yg dipenuhi oleh sesuatu jisim spt pepejal, cecair atau gas dlm sesuatu bekas.

**isirung** bahagian isi pd tempurung sesuatu buah spt kelapa dsb.

**ISIS** akronim bagi *Institute of Strategic and International Studies* (Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa).

**isit** Jk gusi.

**islah** Ar **1.** usaha utk mengembalikan sesuatu keadaan kpd suatu keadaan yg betul, tepat dan sesuai; **2.** penyelesaian perbalahan dgn jalan baik atau dgn jalan damai.

**Islam** agama yg disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW; *masuk ~* menjadi orang yg beragama Islam; *orang (umat) ~* orang (umat) yg beragama Islam; *rukun ~* teras yg terdiri drpd lima perkara yg wajib diamalkan oleh setiap umat Islam.

~ *baka* a) Islam kerana keturunan; b) orang Islam yg tidak patuh kpd agama;

**mengislamkan** **1.** memasukkan seseorang ke dlm agama Islam, menjadikan beragama Islam: *orang Perlak itu pun diislamkan oleh Fakir Muhammad*; **2.** mengkhatakan, menyunatkan: *ia hendak ~ anak sulungnya*; **3.** menjadikan patuh kpd atau menyesuaikan dgn ajaran (ciri-ciri dsb) agama Islam;

**keislaman** hal atau keadaan yg berkaitan dgn Islam: *semangat kita haruslah semangat ~*;

**pengislaman** perbuatan mengislamkan seseorang: *upacara ~ beramai-ramai*.

**islamiah** Ar yg berkaitan dgn atau berasaskan agama Islam: *kegiatan dakwah ~*.

**islamik** bp berdasarkan atau mengikut hukum Islam: *tuduhan itu sendiri tidak ~ dan bersifat fitnah; kita perlu menonjolkan hiburan yg bercorak ketimuran dan ~ yg sesuai dgn budaya kita*.

**islamisasi** usaha (proses dsb) menjadikan patuh kpd, sejajar dgn, atau sesuai dgn ajaran (ciri-ciri dsb) agama Islam, perihal mengislamkan, pengislaman: *tujuannya ialah utk membendung penerapan budaya barat bagi memastikan proses ~ berjalan lancar; ~ undang-undang di Malaysia*.

**-isme** *akhiran asing* kepercayaan, gerakan politik, atau keagamaan, dan juga sikap serta perlakuan, mis *radikalisme* dan *komunisme*.

**Isnin** Ar hari kedua dlm seminggu, selepas hari Ahad.

**isobar** (Geo) garisan pd peta yg menghubungkan tempat-tempat yg sama tekanan atmosferanya pd waktu tertentu.

**isobaren** Id isobar.

**isogami** (Bio) pembiakan seks yg melibatkan penyatuan dua gamet yg serupa dr segi struktur tetapi berlainan dr segi fungsinya.



**isoglos** (Geo) garis yang dilukis pada peta untuk melingkungi kawasan yang mempunyai ciri linguistik yang sama.

**isohalin** (Geog) garis pada peta yang menyambungkan tempat-tempat yang tahap kemasinannya sama.

**isohiet** (isohiét) (Geo) garis pada peta yang menghubungkan tempat-tempat yang mengalami curahan hujan yang sama banyak.

**isolasi** IB pengasingan, pemencilan, pemisahan.

**isolir** IB; **mengisolir** mengasingkan (memencilkan, memisahkan) daripada yang lain.

**isomer** (Kim) satu daripada dua atau lebih molekul yang mempunyai bilangan dan jenis atom yang sama, tetapi berbeza strukturnya;

**keisomeran** kewujudan dua atau lebih sebatian yang mempunyai formula molekul yang sama tetapi berbeza dari segi sifat kimia dan fizik masing-masing;

~ *cis-trans* keisomeran pada sebatian yang ada ikatan ganda dua atau gelang tegar; ~ *struktur* keisomeran pada sebatian yang mempunyai formula struktur yang berbeza.

**isomerisme** → **keisomeran**.

**isometrik** (isométrik) (cara melukis) yang mempunyai ukuran-ukuran yang sama.

**isomorfisme** (Lin) kesamaan struktur tatabahasa, fonologi, semantik dsb antara dua bahasa atau lebih.

**isoprena** unit molekul bagi getah asli.

**isoritma** (Muz) ulangan ritma yang sama walaupun notnya berlainan.

**isostasi** (Geog) perubahan aras laut yang berpunca daripada pergerakan bumi.

**isoterma** (Geo) garis pada peta yang menghubungkan tempat-tempat yang sama suhunya, garis sesuhu.

**isotermen** (isotérmen) IB Id isoterma.

**isotop** (Kim) satu drpd dua atau lebih atom sesuatu unsur, yg sama nombor atomnya tetapi berlainan nombor jisimnya; ~ *karbon* unsur karbon yg mempunyai nombor atom yg sama tetapi berbeza jisimnya (mis C-12, C-13, C-14, dsb).

**isotropi** (Fiz) keadaan sesuatu bahan yg mempunyai sifat yg sama dlm mana-mana arah yg disukat.

**Israfil** malaikat yg meniup serunai sangkakala.

**Israk** Ar peristiwa perjalanan Nabi Muhammad SAW pd malam hari (dr Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa); ~ *Mikraj* Ar peristiwa perjalanan Nabi Muhammad SAW pd malam hari dr Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa, seterusnya naik ke Sidratulmuntaha, lalu kembali ke Mekah pd malam yg sama, yg berlaku pd 27 Rejab tahun ke-11 selepas baginda dilantik menjadi Rasul (3 tahun sebelum hijrah).

**istabrak** Ar ark sj kain sutera; **istibrak**.

**ISTAC** (isték) akronim bagi *Islamic Thinking and Civilization Institute* (Institut Pemikiran dan Tamadun Islam).

**istal** Id ark kandang kuda.

**istana** rumah kediaman raja atau ketua negara; *bumi* ~ ki tanah air (tempat tumpah darah);

**beristana** tinggal di istana, mempunyai istana.

**istana kota** istana yg dilingkungi oleh kota.

**istanggi** → **setanggi**.

**isteri 1.** bh perempuan yg menjadi pasangan hidup kpd seseorang lelaki, bini: *upacara pembukaan pasar ria itu dilakukan oleh ~ Menteri Pendidikan; laki ~ = suami ~ laki dan bini bersama-sama; 2.* perempuan yg sudah berkahwin, wanita: *kaum ~;* ~ *muda* isteri yg terkemudian dikahwini; ~ *tua* isteri yg terdahulu dikahwini;

**beristeri 1.** mempunyai isteri, berbini: *bagi saya soal duit tidak penting kalau hendak ~*; **2.** sudah berkahwin (bagi lelaki), berbini: *dia sudah ~*;

**beristerikan** mempunyai seseorang sbg isteri;

**memperisteri** mengambil akan isteri, menjadikan isteri, mengahwini: *setelah tuan puteri itu masuk Islam lalu diperisteri oleh baginda*;

**memperisterikan** memberi isteri, mengahwinkan (anak laki-laki): *bila anaknya telah galak lalu diperistikanlah dgn tidak usul lagi*.

**istiadat 1.** peraturan atau cara-cara melakukan sesuatu yg sudah menjadi kebiasaan, adat kebiasaan, resam: *dia masih budak, tidak tahu akan ~*; *adat ~* berbagai-bagai adat dan kebiasaan; **2.** majlis rasmi utk menyambut sesuatu peristiwa (spt pertabalan, perkahwinan, dsb), upacara: *~ perkahwinan itu telah dijalankan dgn sempurna*;

**beristiadat** mempunyai (mengikuti) istiadat: *majlis yg penuh ~*;

**mengistiadatkan 1.** menjadikan istiadat (adat kebiasaan), membiasakan, melazimkan; **2.** mengadakan istiadat (upacara).

**istibra** Ar tempoh pantang bersetubuh bagi wanita tawanan perang yg bukan Islam.

**istibrak** ark sj kain sutera.

**istifham** Ar pengujian kefahaman.

**istighfar** Ar **1.** permohonan kpd Allah utk diampuni, permohonan ampun (kpd Allah); *membaca (mengucap) ~* mengucapkan astaghfirullah (meminta ampun kpd Allah); **2. = beristighfar**;

**beristighfar** memohon ampun kpd Allah, mengucapkan kata astaghfirullah: *aku ~ panjang*.

**istihsan** Ar penyimpangan drpd suatu dalil kias yg nyata kpd dalil yg tidak nyata.

**istikharah** Ar; *sembahyang* ~ sembahyang utk memohon pedoman drpd Allah bagi memilih jalan yg lebih baik antara dua pilihan;

**beristikharah** melakukan sembahyang istikharah.

**istikmal** Ar penggunaan, pemakaian;

**mengistikmalkan** mempergunakan, memakai.

**istikrar** Ar pengakuan, pengukuhan, penetapan.

**istilah** Ar perkataan atau rangkai kata yg menyatakan sesuatu dgn betul, tepat dan sesuai dlm sesuatu bidang ilmu pengetahuan (pekerjaan atau kesenian): ~ *ilmu bahasa*; ~ *sains*;

**beristilah** mempunyai (menggunakan) istilah: *perkataan-perkataan Inggeris yg tidak ~ dlm bahasa Malaysia*;

**mengistilahkan** memberi istilah (nama) kpd konsep dll yg tertentu, menamakan dgn istilah atau kata yg tertentu: *Raja Haji Yahya telah mencatatkan cerita rakyat Melayu yg lain, yg sekarang diistilahkan sbg cerita pelipur lara*;

**peristilahan** yg berkaitan dgn istilah (pembentukan istilah dsb): *berita* ~ ;

**pengistilahan** hal mengistilahkan, pembentukan istilah: *sains fizik dan matematik mempunyai satu klasifikasi yg tersusun, ~ yg seragam*.

**istima** Ar ark pertimbangan (pendapat dll) yg baik.

**istimewa** (istiméwa) **1.** khas (utk sesuatu tujuan tertentu), khusus: *kami melihat pertunjukan itu dr satu pentas ~; gabungan sel yg ~ utk menghantar utusan ke bahagian-bahagian badan dinamakan tisu saraf*; **2.** lain drpd yg lain, luar biasa: *rombongan muhibah itu telah diberi layanan yg paling ~; soal bahasa Kebangsaan menerima perhatian yg ~ dlm perdebatan Dewan Rakyat*; **3.** = ~ lagi = ~ pula apa lagi, betapa lagi, lebih-lebih lagi, terutamanya: *negeri tuan hamba lagi dikalahkannya, ~ tuan hamba seorang*;

*sedangkan orang tua-tua tidak dapat menyelesaikan perkara itu ~ pula kanak-kanak;*

**mengistimewakan** mengekshaskan, mengutamakan, meluarbiasakan ~: *kedudukan Malaya samalah dgn negara-negara lain yg ~ pengeluaran satu atau dua jenis barang utk eksport; tidak ada seorang pun yg diistimewakan dlm undang-undang negeri ini;*

**teristimewa 1.** yg sangat khas, yg luar biasa, terkhusus: *perkara yg ~ berkenaan dgn keris ini ialah kerana ia mempunyai mata dan hulu seiras; 2.* = ~ lagi = ~ pula terlebih lagi, terutama: *tersangatlah susah hati Mak Andeh, ~ pula makan pun tiada berlauk;*

**keistimewaan** perihal istimewa: *ia mempunyai beberapa ~ jika dibandingkan dgn kawan-kawannya.*

**istinbat** Ar amalan mengeluarkan hukum atau keputusan berdasarkan al-Quran atau hadis tertentu;

**mengistinbatkan** menyabitkan hukum berdasarkan al-Quran atau hadis tertentu: *kesimpulan ini dapat difahami dan diistinbatkan drpd al-Quran dan hadis.*

**istinggar** sl sj senapang kuno: *bunyi ~nya spt kacang direndang.*

**istinjak** Ar perbuatan membersihkan kemaluan (kerana membuang air besar atau air kecil) dgn menggunakan air, batu, atau tanah keras;

**beristinjak** membersihkan atau menyucikan dubur dan kemaluan sebelum wuduk atau sesudah buang air.

**istiqamah** Ar ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara terus-menerus (termasuk urusan agama);

**beristiqamah** melakukan istiqamah: *Jamilah sahajalah yg menjadi juruingat kepadanya selama ini utk terus ~ menegakkan sembahyang di surau.*

**istirahat** Ar keadaan atau suasana santai: *kita memerlukan ~ yg cukup;*

**beristirahat** berhenti drpd melakukan sesuatu utk menghilangkan penat lelah, berehat: *waktu ~ telah datang; dia akan ~ selama enam bulan;*

**mengistirahatkan** memberi (membiarkan) beristirahat; ~ diri melepaskan lelah;

**peristirahatan** rumah (tempat dll) beristirahat, rumah rehat: *akhirnya aku tiba di danau Balaton, tempat ~ yg indah; rehat.*

**istislam** Ar **1.** menyerah diri; **2.** masuk Islam.

**istisna** Ar pengecualian;

**mengistisnakan** mengecualikan.

**isu** perkara pokok, persoalan: *krisis Timur Tengah merupakan ~ penting yg dibincangkan dlm persidangan itu.*

**isy** bp sr kata utk menyatakan kekesalan (kebencian, kehairanan, ke jijikan), is: ~, *aku tak belilah benda yg boleh kita tanam.*

**isyak** Ar **1.** = *waktu ~ waktu setelah hilang cahaya merah di ufuk barat hingga terbit fajar; **2.** = *fardu ~ = sembahyang ~ sembahyang fardu pd waktu isyak.**

**isyarat** Ar **1.** segala sesuatu (spt gerakan kepala, ke jipan mata, lambaian tangan, dll) yg dilakukan sbg tanda, alamat: *ia melambaikan tangannya memberi ~ masuk ; 2. sl = ilmu ~ ilmu ghaib (sakti dll): tetapi lebih juga diajarnya akan Hang Tuah barang ilmu dan ~; maka dinaiki punggung gajah dgn ~, maka berapa pun digerak tiada juga berjalan gajah itu;*

**berisyarat** mempunyai isyarat;

**berisyaratkan** menggunakan sesuatu sbg isyarat: *aksi yg lebih banyak ~ kenyitan dan kerlingan;*

**mengisyaratkan 1.** memberi isyarat kpd, menggunakan sbg syarat: *ia diisyaratkan oleh ibunya utk memberi hormat kpd orang*

itu; **2.** memberi isyarat (dgn): *ketika aku hendak menyanyi tangannya diangkat ~ agar aku diam*; **3.** menggunakan sesuatu sbg isyarat: *dgn dua helai daun kayu yg diisyaratkan sbg kepala bapa mereka, kedua-duanya akan terus berkelahi*;

**terisyaratkan** dapat diisyaratkan: *kemungkinan sesuatu yg tidak ~.*

**isytihar** Ar pengumuman, pemakluman, pernyataan, pemasyhuran;

**mengisytiharkan** mengumumkan, memaklumkan, mempernyatakan, memasyhurkan: *ia ~ pertunangannya; di Kuala Lumpur diadakan istiadat besar ~ kemerdekaan*;

**perisytiharan** pengumuman, pemakluman, pernyataan, pemasyhuran: *mereka datang ke Kuala Lumpur hendak menyaksikan hari ~ kemerdekaan*;

**pengisytiharan** perbuatan mengisytiharkan sesuatu, pengumuman, pemakluman;

**terisytihar** telah diisytiharkan.

**IT** kep *Information Technology* (Teknologi Maklumat).

**itah** sj tumbuhan (pokok memanjat); ~ *besi* akar ali, akar tanding, tongkat ali, *Smilax myosotiflora*; ~ *tembaga* sj tumbuhan (pokok renek), dedawai, rancang besi, tongkat ali, *Smilax calophylla*.

**italik** bentuk huruf condong (dlm cetakan);

**mengitalikkan** mencetak (menulis dsb) dlm italik: *contoh penggunaan ayat hendaklah diitalikkan*.

**itam** **1.** hitam; **2.** Pr nama timang-timangan utk anak yg ketujuh (NS yg kelapan).

**item** **1.** barang atau benda dlm sesuatu senarai atau kumpulan: *barangan yg saling melengkapi satu sama lain dan dijual dlm satu set dianggap sbg satu ~*; **2.** perkara: *saya boleh menjelaskan bahawa hanya satu ~ belum diselesaikan*.

**iterbium** (Kim) sj unsur logam.

**ithar** Ar mengorbankan kepentingan diri sendiri utk orang lain.

**itik** sj binatang yg lebih kecil drpd angsa, bebek; ~ *manila* = ~ *mandarin*, *Aix galericulata*; ~ *nila* = ~ *surati* itik ternakan *Cairina moschata*; ~ *air* = ~ *berkek* = ~ *laut* belibis (burung belebas); ~ *berenang dlm air (di laut) mati kehausan* prb menderita kesusahan meskipun banyak wang atau berpangkat tinggi; ~ *bertaji* prb orang yg sangat penakut tetapi sombong; ~ *tak sudu, ayam tak patuk* prb sesuatu yg tidak berguna sama sekali; *bagai ~ berebutkan tembolok* prb perbantahan kerana sebab yg terlalu kecil; *bagai ~ pulang petang* prb (berjalan) sangat lambat; *mengajar ~ berenang* prb perihal membuat pekerjaan yg sia-sia; *perkataan mengekor ~ jantan* prb perkataan yg menyindir (sombong); *spt ~ mendengar guntur* prb mengharapkan keuntungan yg tidak tentu datang; *tak ada ~ yg bertenger* prb perkara yg mustahil.

**itil** Jk kelentit.

**itinerari** program sesuatu perjalanan atau lawatan (termasuk tempat-tempat yg dikunjungi).

**itlak** Ar hal merumuskan sesuatu secara umum atau menyeluruh;

**mengitlakkan** merumuskan sesuatu secara umum atau menyeluruh;

**itlakan** rumusan secara umum atau menyeluruh: *sekurang-kurangnya penterjemah berupaya membuat ~ terhadap teks*;

**keitlakan** perihal itlak;

**pengitlakan** perihal atau perbuatan mengitlakkan: *dgn melihat kedua-dua contoh ini kita dapat membuat sedikit ~*.

**ITM** kep Institut Teknologi Mara.

**ITNM** kep Institut Terjemahan Negara Malaysia.



**itrium** (Kim) sj unsur logam berwarna kelabu gelap yg digunakan utk membuat aloi, semikonduktor dsb.

**ittifak** Ar persamaan, persetujuan, permuafakatan, persesuaian.

**itu** kata penunjuk utk benda (hal, tempat, waktu) yg jauh, lwn ini: ~ *siapa?*; *motokar yg hitam ~ kepunyaan saya*; ~ *dia* a) nah benarlah itu; b) bp padanlah, rasalah; ~ *juga* macam itu juga (selalu sama saja); *dlm pada ~ = dlm ~ pun* bagaimanapun; ~ *pun* dlm hal yg demikian, demikian itu (kalau), meskipun (kendatipun, walaupun) begitu, yg itu;

**itulah** demikian halnya (akibatnya): ~ *kalau suka main judi*; ~ *anak yg nakal*.

**IUD** kep *intrauterine device* (alat pencegah kehamilan yg diletakkan di dlm rahim).

**iwak** Kl sj permainan judi.

**iyal** Ar orang yg menjadi tanggungan (anak buah, keluarga, dll).

**izhar** Ar **1.** hal menjadikan jelas (nyata, terang); **2.** hukum tajwid, iaitu menzahirkan atau membunyikan huruf dgn nyata tanpa didengungkan;

**mengizharkan** **1.** menjadikan nyata alam ini; **2.** menzahirkan atau membunyikan huruf dgn nyata tanpa didengungkan.

**izin** Ar persetujuan membenarkan (membolehkan), kebenaran (drpd ibu bapa, ketua, dsb), perkenan (Allah): *tauke itu belum lagi mendapat ~ utk membuka kedai di sini*; *dgn ~ Allah*;

**seizin** = *dgn ~ dgn* kebenaran, *dgn* perkenan;

**mengizinkan** memberi izin, memperkenankan, membenarkan: *budak itu tidak diizinkan orang tuanya meninggalkan rumah*; *kerana masa tidak ~ pekerjaan itu kami tinggalkan dahulu*;

**keizinan** kebenaran, keredaan, kerelaan: *ia memerintah negeri itu dgn ~ sultan*;

**pengizinan** perbuatan mengizinkan (membenarkan);

**pengizin** orang yg memberi izin.

**Izrail** malaikat yg mencabut nyawa seseorang.

**izzah** Ar kemuliaan atau kehormatan (diri): *selaras dgn konsep ~ yg ditunjukkan Allah.*

**izzat** Ar kehormatan, kemegahan, kemuliaan, dll.

**j** huruf kesepuluh abjad Rumi.

**jaat** (Sunda) ark sj kacang panjang, *Psophocarpus tetragonolobus*.

**jab** Jh tetap (hati, pikiran, dll), pasti: ~ *hati*.

**jabal I** Ar gunung, bukit: ~ *Kaf*; ~ *Uhud*;

**menjabal** ark kelihatan besar spt gunung.

**jabal II** Jk; **menjabal** merebut (milik orang), merampas, menyamun;

**penjabalan** perampasan, perebutan, penyamunan.

**jabang I** kayu bercabang yg digunakan utk meletakkan meriam, cagak.

**jabang II** Mn ark jambang.

**jabang III**; ~ *bayi* Jw kanak-kanak yg baru lahir, bayi.

**jabar I** Ar nama yg digunakan utk gugusan bintang belantik, bintang tiga beradik (Orion).

**jabar II**; **menjabarkan** Id mengubah sesuatu bentuk menjadi bentuk yg lebih mudah difahami: ~ *pecahan*;

**penjabaran** perihal (perbuatan) menjabarkan.

**jabat**; **sejabat** sepekerjaan: *teman* ~;

**berjabat** = **berjabat tangan**;

**menjabat 1.**= **menjabat tangan** memegang; **2.** Id memegang sesuatu pekerjaan, menjawat: *Ali* ~ *pekerjaan itu selama dua tahun*;

**jabatan 1.** bahagian drpd pentadbiran kerajaan dll yg mengurus tugas-tugas tertentu: *J~ Perhutanan*; *J~ Pengajian Melayu di Universiti Malaya*; **2.** Id kedudukan rasmi (dlm pemerintahan, pentadbiran, organisasi, dll) jawatan: *menteri itu telah meletakkan ~nya*; **3.** Id tugas (dlm ilmu kaji hayat, tatabahasa, dan ilmu hisab), fungsi: *imbuhan mempunyai ~ tertentu dlm tatabahasa*;

**berjabatan** Id mempunyai (memegang) jawatan, berjawatan;

**penjabatan** jabatan;

**penjabat** Id **1.** pegawai dll yg memegang sesuatu jawatan, pemegang jawatan; **2.** orang yg mengerjakan pekerjaan (atau memegang jawatan) orang lain buat sementara, pemangku (sesuatu jawatan);

**pejabat** **1.** bangunan (ruang, bilik, dsb) tempat bekerja atau tempat diselenggarakan pelbagai urusan: ~ *syarikat itu di tingkat tiga bangunan tersebut*; ~ *pos*; *budak* ~ penyelenggara pejabat, peon; *ibu* ~ pusat pentadbiran (kerajaan, perusahaan, pertubuhan, dll); **2.** Id jabatan; **3.** Id pegawai kerajaan yg memegang jawatan penting, pemegang jawatan, pejabat.

**jabat tangan; berjabat tangan** memegang (menggenggam) tangan (satu sama lain) sambil menggoncang-goncangnya (sewaktu berjumpa, diperkenalkan, dll) sbg tanda kemesraan, (saling) bersalaman: *setelah ~ dgn sekalian yg hadir barulah dia duduk*;

**menjabat tangan** berjabat tangan (dgn seseorang),bersalaman: *dia ~ kami semua sebelum masuk ke dlm rumah.*

**jabil** Pr pundi-pundi, uncang, undil (dibuat drpd kain atau mengkuang).

**jabing**; *telinga* ~ telinga yg besar;

**menjabing** menarik telinga.

**jabir I; berjabir-jabir** **1.** cobak-cabik, bercabiran, koyak-koyak; **2.** Id longgar terkulai-kulai (bkn baju yg longgar).

**jabir II** Kl tempat mengisi barang-barang (dibuat drpd kain, mengkuang, plastik), raga, bakul.

**jabu I** Kd; **berjabu** berkepul (abu, asap).

**jabu II** Kl bulu;

**berjabu** berbulu, berserabut.

**jabun** **1.** belukar, semak; **2.** daun pokok (yg lebat).

**jabung** **I** sj perekat yg dibuat drpd gambir dan damar (digunakan utk melekatkan keris pd hulunya), gala-gala, pakal.

**jabung II** → **jebung**.

**jadah** kata makian (selalunya utk menunjukkan kemarahan): *apa ~nya yg dia menyibuk itu?*; *haram* ~ a) anak yg lahir drpd ibu dan bapa yg tidak berkahwin, anak haram, anak luar nikah; b) kata makian.

**jadam I** sj ubat berwarna hitam yg digunakan utk perut (dibuat drpd kayu gaharu atau daun lidah buaya).

**jadam II** campuran logam yg berwarna biru tua atau hitam (digunakan utk melekatkan atau melapiskan perak).

**jadar I** Kl merempuh, menyerbu.

**jadar II** sj tumbuhan (pokok besar), mempari, *Melletia hemsleyana*.

**jadi I 1.** (sebenarnya) berlaku, sebenarnya (benar-benar) melakukan sesuatu, berlangsung: *Ali ~ pergi ke Ipoh*; **2.** berhasil, berjaya: *akhirnya ~ juga pekerjaan itu*; **3.** selesai (dikerjakan); *tidak ~ gagal*, tidak berhasil; **4.** lahir, dilahirkan; *hari ~ a)* hari dilahirkan; b) Id hari natal (Krismas); *sejalan* ~ saudara seibu; *semula* ~ sejak lahir (bkn bakat dll); **5.** = **jadinya** kerananya, kerana itu: *ibunya sakit, ~ terpaksa dia pulang*; **6.** = **jadilah** (ber)setuju: *dia ~ hendak membeli tanah itu dgn harga yg ditetapkan; kalau begitu, ~*; **7.** bertukar kpd: *sepatutnya boleh sampai ke rumah dlm masa setengah jam, tetapi sekarang sudah ~ dua jam*; **8.** sudah siap (dibuat), sudah selesai: *baju yg sudah ~* ;

*boleh* ~ mungkin, barangkali;

*~ alas cakap* = *~ pelapik kaki* prb hadiah (sagu hati) yg diberi kpd seseorang yg telah berjasa; *~ air mandi* prb perkara yg sudah menjadi kebiasaan; *~ bapa kuda* prb orang lelaki yg suka berkahwin di sana sini dan bersenang-senang tanpa membuat sesuatu pekerjaan; *~ bumi langit* prb orang yg sangat diharapkan; *~ dinding lasak peti manian* prb orang yg menjadi harapan raja; *~ kuda beban* prb orang suruhan; *~ penghubung kaki tangan* = ~

*penghubung mata telinga* prb tempat harapan yg selalu memberi pertolongan; ~ *penghubung hujung lidah (mulut)* prb orang yg menyampaikan pesanan seseorang; ~ *teluk olakan air* prb perdebatan yg hanya berkisar pd satu masalah; *lubuk ~ pantai, pantai ~ lubuk* prb nasib manusia itu tidak tetap, adakalanya senang, adakalanya susah;

**sejadinya** asalnya (semula jadi): *akal manusia dgn keadaan ~ mengandungi sebahagian drpd makrifat semula jadi*;

**sejadi-jadi, sejadi-jadinya** sekuat-kuatnya, sekeras-kerasnya: *berteriak ~* ;

**menjadi** **1.** utk dikenali (diiktiraf, dianggap, dll) sbg, utk memegang jawatan (peranan dll) sbg: *dia terpilih ~ ratu kebaya; dilantik ~ pengerusi jawatankuasa*; **2.** bekerja (berlaku, bertindak, memegang jawatan, dll) sbg: *dialah yg ~ ketua dlm kumpulan itu*; **3.** bertukar atau beralih kpd sesuatu keadaan (bentuk dll): *tempat yg kesibukan itu ~ lengang selepas pergaduhan itu; air yg tadinya jernih, kini ~ keruh*; **4.** berjaya spt yg diharap-harapkan: *dia begitu bangga sekarang kerana anak-anaknya semuanya ~, dua orang menjadi doktor, dua orang guru, seorang peguam, dan seorang lagi pengurus bank*; **5.** menjelma sbg;

**menjadi-jadi, berjadi-jadi** bertambah-tambah (banyak, besar, hebat, keras, dll): *setelah kena hujan demamnya ~*;

**menjadikan** **1.** membuat: *mereka bersorak-sorak, ~ suasana hingar bingar*; **2.** menyebabkan: *kelakuan beginilah yg selalu ~ orang tua kamu susah*; **3.** menimbulkan: *kelewatan penyanyi itu telah ~ keadaan huru-hara*; **4.** mencipta, mewujudkan: *Tuhanlah yg ~ alam semesta ini*; **5.** mengangkat (memilih) sbg: *majikannya telah ~nya pengawas perusahaan itu*;

**terjadi** (sudah) berlaku (dibuat, dijadikan, dll): *kebakaran itu ~ disebabkan oleh kerosakan elektrik; ~ drpd Id terdiri (terbentuk) drpd: bahan itu ~ drpd beberapa unsur;*

**jadi-jadian, jadian 1.** manusia yg boleh mengubah dirinya menjadi binatang (terutamanya harimau): *harimau ~; ilmu ~ ilmu yg membolehkan seseorang itu mengubah diri menjadi binatang dll; 2.* nampak tidak spt yg sebenarnya: *bunga ~;*

**kejadian 1.** perkara yg berlaku, peristiwa: *polis telah menyiasat ~ itu; 2.* perihal terjadinya atau dijadikan, kelahiran: *~ langit dan bumi; ilmu ~ pengetahuan utk mengenal tumbuh-tumbuhan dan hidup-hidupan; 3.* Id (sudah) berlaku, terjadi: *hal itu boleh ~ pd setiap orang; hal-hal yg ~ di merata tempat;*

**penjadian** perihal (proses) menjadikan, penciptaan, pewujudan;

**penjadi** ark orang dll yg membuat (menjadikan) sesuatu.

**Jadi II;** *bintang ~ gugusan bintang yg kesepuluh (Capricornus) dlm zodiak (bintang dua belas); garisan ~ garis lintang yg letaknya 23° 26' di selatan khatulistiwa.*

**jadual 1.** daftar atau senarai fakta (keterangan dll) yg tersusun biasanya dlm bentuk lajur; **2.** susunan acara atau perkara-perkara yg diatur mengikut masa yg ditentukan: *menurut ~, persidangan itu akan diadakan pd pertengahan bulan November ini;*

*~ berkala (Kim) susunan unsur-unsur mengikut tertib pertambahan nombor atom, dgn unsur yg mempunyai sifat kimia yg serupa ditempatkan dlm kumpulan yg sama (ada lapan belas kumpulan mengikut susunan menegak dan tujuh kala mengikut susunan mendatar); ~ waktu susunan perkara-perkara (mata pelajaran di sekolah dll) mengikut waktu (jam dan hari);*

**berjadual** berperancangan (dr segi tempoh melaksanakan sesuatu): *sukar bagi kita mengawal pelaksanaan kerja yg tidak ~;*

**menjadualkan** **1.** membuat jadual (waktu dll); **2.** menentukan waktu (utk mengerjakan sesuatu): *kursus itu dijadualkan bermula pd minggu depan;*

**penjadualan** perbuatan (kerja, tindakan) menjadualkan (membuat jadual);

**penjadual** **1.** orang yg menyediakan jadual; **2.** alat pd mesin taip yg digunakan utk menyusun data dlm lajur.

**jae** (jaé) → **jahe.**

**jag** bekas (biasanya bertangkai dan berbibir) utk mengisi air dsb; ~ *cerek*  
jag yg boleh digunakan utk memasak air.

**jaga** **1.** dlm keadaan tidak tidur atau sudah bangun (drpd tidur): *kanak-kanak itu masih ~; semalam suntuk saya ~;* **2.** kawal, awasi (supaya sesuatu tidak hilang dll): *Ali, engkau ~ baik-baik barang itu! ~ malam berkawal (pd waktu malam); rumah ~ rumah tempat orang berkawal; wang ~ Id wang cadangan (wang yg disimpan utk digunakan apabila kekurangan wang dsb);* **3.** orang yg berkawal (mengawas): *seorang ~ tercegat di depan bank itu; ~ kereta bp atendan letak kereta;*

**berjaga** **1.** tidak tidur (kerana sesuatu hal, sakit, dsb): *Ahmad ~ hingga ke pagi;* **2.** berawas: *pihak polis sedang ~ di kawasan perompakan itu;*

**berjaga-jaga** **1.** tidak tidur semalam suntuk (kerana kenduri kahwin dll), merayakan (perkahwinan dll) beberapa hari berturut-turut: *maka raja pun mulai ~ akan mengahwinkan anakanda baginda dgn tuan puteri itu;* **2.** berwaspada, berhati-hati, berawas-awas: *mereka ~ apabila melalui titi yg sempit itu;*

**menjaga** **1.** mengawal, mengawas: *Parlimen ~ dan mengawal bagaimana wang orang ramai dipungut dan dibelanjakan; tembok itu dibina utk ~ bahaya bah;* **2.** memelihara, membela, mengasuh:



*dia ~ ketiga-tiga orang anaknya; 3. memberi perhatian kpd, memelihara: tiap-tiap orang patut ~ kesihatan dirinya sendiri; 4. berikhtiar atau berusaha (supaya): kita mestilah ~ bersungguh-sungguh supaya perkara spt itu tidak akan berlaku lagi;*

**menjagakan** membangunkan (drpd tidur), menggerakkan: *ibu ~nya pd pukul enam pagi;*

**terjaga 1.** terbangun atau tersedar (drpd tidur): *dia ~ drpd tidur kerana bunyi bising itu; 2. terkawal, terpelihara: setiap tutur katanya ~ ;*

**jagaan 1.** pengawasan, kawalan: *orang itu masih dlm ~ polis; 2. peliharaan, belaan: budak itu di bawah ~nya;*

**kejaga-jagaan** tidak dapat tidur semalam suntuk;

**penjagaan** hal atau perbuatan menjaga;

**penjaga 1.** orang yg mengawas (mengawal, memberi perlindungan, dll): *sekolah itu sudah dibuka oleh ~nya; 2. penunggu, hantu (atau makhluk halus) yg menunggu sesuatu tempat (spt pohon, batu, sungai, dll): orang kampung itu percaya bahawa pohon besar itu ada ~nya; 3. orang yg sangat cermat (berhati-hati); 4. ark wang jaga-jaga.*

**jagabaya** Jw ark pegawai keamanan kampung.

**jagak** Kl; ~ *lelanang* kacak dan berani, sombong dan berani mati.

**jagal I** perniagaan (secara) kecil-kecilan, dagang runcit;

**berjagal** berniaga secara kecil-kecilan, berdagang runcit;

**jagalan 1.** barang yg dijual secara runcit; **2.** barang yg rendah mutunya;

**penjagalan** perbuatan atau usaha berniaga secara kecil-kecilan;

**penjagal** orang yg berniaga secara kecil-kecilan, pedagang runcit.

**jagal II** Jw orang yg menyembelih (lembu dll), pembantai;

**menjagal** menyembelih (lembu dll), membantai;

**penjagalan 1.** perbuatan menjagal; **2.** = **pejagalan** tempat orang menyembelih lembu dll.

**jagang Jw 1.** tiang utk menyokong (rumah dll), tiang penopang (penyokong); **2.** sj parit (yg dibuat di sekeliling benteng, istana, dll).

**jagat I** alam, dunia;

**sejagat** seluruh dunia, sedunia, antarabangsa: *manusia ~* ;

**menyejagatkan** menjadikan sesuatu (nilai, alam, dll) sejagat: *nilai-nilai klasik baru yg disejagatkan;*

**kesejagatan** hal (keadaan, sifat) sejagat, keuniversalan : *~ Islam yg tidak membezakan asal-usul keturunan dan bangsa;*

**penyejagatan** perihal atau proses menyejagatkan sesuatu: *~ alam tempatan dlm alam Islam.*

**jagat II** bintik-bintik perang kehitam-hitaman pd kulit (biasanya pd muka) kerana kena cahaya matahari, tetua.

**jagatraya** ark seluruh dunia.

**jago Jw** jaguh.

**jaguar** sj binatang liar yg rupanya seakan-akan harimau bintang tetapi ekornya lebih pendek dan tompok-tompok pd badannya lebih besar, biasanya terdapat di Amerika Selatan dan Amerika Tengah, *Panthera onca.*

**jaguh I 1.** ayam jantan; **2.** calon (dlm sesuatu pemilihan): *dlm pilihan raya yg akan datang dialah ~ UMNO di kawasan ini;* **3.** = **jagoan** Jk orang yg terkemuka (ahli) dlm sesuatu lapangan: *Rustam seorang ~ politik;*

*~ gelut* orang yg suka berkelahi (bergomol); *~ kapuk* Id bekas pemain (bola dsb); *~ keprok* Id ark orang yg menjadi tukang pukul; *~ tinju* johan tinju, orang yg kerjanya bertinju;

**menjaguhi** menjadi jaguh (terkemuka) dlm (sesuatu bidang dsb):  
*dia memang berusaha keras utk ~ permainan itu kali ini;*

**menjaguhkan** menjadikan calon, mencalonkan;

**kejaguhan** perihal menjadi jaguh (orang yg ahli dlm sesuatu lapangan), kehandalan, keunggulan: *Bahri memperlihatkan ~nya.*

**jaguh II 1.** ~ *padang*, sj burung, *Eupodetis bengalensis*; **2.** ~ *rumpun*, sj burung, *Otis tarda*.

**jagung** sj tumbuhan yg buahnya bertongkol dan berbijirin yg boleh dimakan, *Zea mays*;

*setahun ~ = seumur ~* a) lebih kurang 100 hari (tiga bulan); b) terlalu muda;

**berjagung-jagung**; *baik ~ sementara padi belum masak* prb sementara menunggu sesuatu yg lebih baik, yg kurang baik pun boleh dipakai dahulu;

**menjagung 1.** menyerupai biji jagung; **2.** mulai tumbuh (padi, gigi, penyakit cacar, dll).

**jagur** bagur, besar tubuh (jika dibandingkan dgn umurnya); *si ~ = penjagur* Id meriam kuno yg besar (sekarang disimpan di muzium Jakarta).

**jah I** kebesaran, kemegahan, kemuliaan.

**jah II** Kl sahaja.

**jaha** sj tumbuhan (pokok), johar, *Cassia siamea*.

**Jahai** penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Negrito, yg tinggal di Hulu Perak (Banun, Sungai Tiang dan Persisiran Empangan Temenggor) dan Hulu Kelantan (Sungai Rual dan Jeli).

**jahan 1.** sj ikan laut (ridipnya berbisa), *Arius thalassinus*; **2.** sj ikan laut *Neroma thalassinus*.

**jahanam** Ar **1.** = *neraka* ~ laut api di akhirat tempat orang-orang yg tidak mengikut perintah Allah menerima hukumannya: *orang yg*

*tidak mengikut perintah Allah akan dimasukkan ke dlm neraka ~;*  
**2.** orang yg jahat lagi terkutuk: *kau boleh pergi dr sini ~ ;* **3.** rosak:  
*jam itu telah~;*

**menjahanamkan** **1.** membinasakan, memusnahkan: *bom yg digugurkan telah ~ beberapa buah bangunan;* **2.** merosakkan: *mereka dilarang ~ barang-barang mainan itu;* **3.** meruntuhkan: *kita tidak seharusnya ~ rumah tangga orang lain;* **4.** mengutuk, menyerapah;

**penjahanam** orang yg menjahanamkan sesuatu (harta benda, kehidupan orang lain dsb), pemusnah: *ada antara mereka yg bermuka-muka sbg pembela rakyat, tetapi sebenarnya ~ dlm serba hal.*

**jahang I** (warna) merah tua.

**jahang II** bahasa yg kasar;

**menjahang** **1.** mengherdik; **2.** menghamun, memaki hamun.

**jahar** Ar nyaring, lantang.

**jaharu** sl **1.** (orang yg) hina: **2.** penjahat.

**jahat** buruk lakunya, tidak baik (perangai, perbuatan, dll); *orang ~ orang yg berkelakuan tidak baik; buat baik berpada-pada, buat ~ jangan sekali prb membuat pekerjaan baik janganlah berlebih-lebihan, pekerjaan yg buruk hendaklah dihindarkan;*

**sejahat-jahat** bagaimana (betapa) jahat sekalipun: *~ harimau itu tidak akan sanggup memakan anaknya sendiri;*

**berjahat** melakukan perbuatan jahat: *Ali dikatakan pernah ~ dgn Tipah;*

**berjahatkan** sl memfitnah, memburukkan: *maka Laksamana berdatang sembah ~ Bendahara;*

**menjahati** melakukan perbuatan jahat terhadap: *kita dilarang ~ orang yg lemah;*

**menjahatkan** 1. menyebabkan jahat; 2. memfitnah, memburukkan;

**kejahatan** kelakuan atau perbuatan yg jahat;

**penjahat** orang yg berbuat jahat (spt pencuri, penyamun, dll);

~ *perang* a) orang yg menyebabkan (menimbulkan) peperangan; b) askar-askar musuh yg menganiaya tawanan atau penduduk negeri yg diduduki.

**jahe** (jahé) Id halia, *Zingiber officinale*.

**jahid** → **zahid**.

**jahil** 1. Ar tidak mengetahui (ajaran agama Islam, sesuatu hal, dll), bodoh: *Dolah* ~ dlm hal agama; 2. cetek pengetahuannya;

~ *basit* (orang yg) jahil tetapi sadar akan kejahilannya; ~ *murakab* (orang yg) jahil dan tidak pula menyadari kejahilan dirinya; ~ *teropong* Kl bodoh dan tidak mahu menerima ajaran-ajaran orang; ~ *tukil* Kl terlalu jahil;

**menjahilkan** menjadikan (menyebabkan atau menganggap) jahil: *janganlah begitu mudah kita* ~ *orang lain*;

**kejahilan** perihal jahil, kebodohan (dlm hal agama, sesuatu perkara, dll).

**jahiliah** Ar gelaran kpd umat Arab (sebelum lahirnya Nabi Muhammad) yg tidak menerima kebenaran (ajaran para nabi dan rasul sebelum kedatangan Islam); *zaman* ~ zaman sebelum kedatangan Islam.

**jahit** menyambung sesuatu (kain dll) dgn menggunakan jarum dan benang; jenis-jenisnya: ~ *cengkam*; ~ *bunga padi*; ~ *lubang*; ~ *sangkut*; ~ *silang pangkah*; *tukang* ~ = **penjahit**;

**berjahit** (telah) dijahit: *sehelai kain sarung yg belum* ~; *dua helai kain putih yg sudah siap* ~;

**menjahit 1.** menyambung sesuatu (kain dll) dgn menggunakan jarum dan benang: *dia tidak biasa ~ dgn menggunakan mesin jahit*; **2.** membuat pakaian: *kakak sedang ~ pakaian utk hari raya*;

**jahit-menjahit** pekerjaan menjahit (membuat pakaian dsb): *dia membuka sebuah sekolah ~*;

**menjahitkan 1.** menjahit utk orang lain: *Aminah ~ adiknya baju*;

**2.** menjahit sesuatu dgn (sesuatu) yg lain: *dia ~ lengan baju itu dgn bahagian badannya*;

**jahitan 1.** cara menjahit; **2.** benda yg dijahit; **3.** hasil menjahit;

**penjahitan** perbuatan (kerja) menjahit;

**penjahit 1.** orang yg kerjanya membuat pakaian, tukang jahit; **2.** jarum yg digunakan utk menjahit.

**Jahut** penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Senoi yg tinggal di daerah Temerloh dan Jerantut di Pahang.

**jail I;** *tali ~* = **penjail** joran yg digunakan utk menangkap udang (punai dll).

**jail II Jk 1.** dengki; **2.** suka mengusik;

**menjaili 1.** mendengki; **2.** mengusik.

**jaing** sj tumbuhan (pokok), *Rhodamnia trinervia*.

**jais** tidak berbekas; → **kalis**.

**jaiz** Ar apa yg diharuskan (menurut agama Islam) tetapi boleh juga tidak dikerjakan.

**jaja; berjaja 1.** mencari rezeki (nafkah, pendapatan, dsb) dgn membawa barang dagangan berkeliling utk dijual: *Yahya didenda kerana ~ tanpa lesen*; **2.** berjual: *dia dilarang ~ di situ*;

**menjajakan 1.** menjual barang dagangan dgn membawanya berkeliling: *riuh-rendah bunyi orang ~ barang dagangan masing-masing*; **2.** ki menyebarkan (menyatakan dsb) ke sana sini atau merata-rata: *Menteri Pendidikan menasihatkan rakyat supaya*

*tidak terperangkap dgn fikiran sempit golongan yg ~ pendapat mereka sbg sesuatu yg mutlak; ~ khabar;*

**jajaan** benda atau barang yg dijajakan;

**penjajaan** perbuatan (kerja) menjajakan;

**penjaja** orang yg berjaja: *seorang ~ telah dikenakan denda sebanyak RM100.*

**jajah; menjajah 1.** pergi dr satu tempat ke tempat lain, menjelajah: *kami telah ~ ke seluruh tempat itu; 2.* menakluk dan memerintah sesuatu daerah: *sebelum orang Portugis datang ~, kota Melaka merupakan pusat kebudayaan Melayu; 3.* ki menakluki, menguasai: *peristiwa semalam sedang ~ pemikiran Sagid;*

**terjajah** dlm keadaan dijajah: *kita mesti membantu perjuangan rakyat yg masih ~;*

**jajahan 1.** kawasan yg termasuk dlm satu pentadbiran: *negeri Johor dgn segala ~nya; 2.* daerah atau kawasan (negeri dll) yg ditakluki: *tanah ~ British; jalan ~ Id jalan kecil, lorong;*

**penjajahan** perihal atau perbuatan menjajah (sesebuah negeri atau kawasan lain): *dia berjuang utk menamatkan ~ di negeri itu;*

**penjajah** bangsa (negeri) yg menjajah sesebuah negeri lain.

**jajak** Jk; **menjajak, menjajaki** menduga, mengajuk.

**jajal** Jk; **menjajal** mencuba.

**jajan** Jk = **berjajan** membeli kuih dll, mengudap; *wang ~ wang pembeli kuih dll.*

**jajap; menjajap** menjelajah;

**penjajap** sj kapal perang Bugis; *spt ~ berpaling hendak hilir prb perempuan yg keluar dr rumahnya dan berjalan dgn hebatnya serta menarik.*

**jajar** I banjar, baris, deret;

**sejajar** **1.** terletak sebaris, sederet, sebanjar: *rumahnya ~ dgn rumah saya*; **2.** sama (tingkat, darjat, dll), setaraf: *kedudukannya sekarang ~ dgn kedudukan orang-orang kaya*; **3.** selari, sama arah dan jarak di antaranya, searah: *dua garisan yg ~*;

**menyejajarkan** **1.** membuat supaya sebaris, sederet; **2.** menyamakan kedudukan (tingkat, darjat), menyetarakan;

**kesejajaran** perihal (keadaan dsb) sejajar: *sebuah drama yg baik apabila adanya ~ antara perkembangan plot dgn pembinaan perwatakan*;

**penyejajaran** **1.** persamaan taraf (tingkat, darjat); **2.** perselarian, persamaan arah dan jarak di antaranya;

**berjajar** berderet, berbaris, berbanjar;

**berjajaran** berderet-deret, berbaris-baris, berbanjar-banjar: *pokok kelapa ~ di sepanjang jalan itu*;

**menjajarkan** **1.** mengatur supaya berjajar (berderet, berbaris), menjadikan selaras; **2.** menyamakan kedudukan (darjat dll), menyetarakan;

**jajaran** deretan, barisan, banjaran; ~ *genjang* Id segi empat selari;

**penjajaran** perihal (perbuatan dsb) menjajarkan.

**jajar** II Mn = **jajaran** alur bekas ditenggala, parit;

**menjajar** menenggala;

**menjajarkan** mengheret, menyeret;

**terjajar** terseret: *pemuda itu ~ ke belakang*.

**jajat** I mengejek, mengajuk, menggiat.

**jajat** II Kl; **menjajat** berjalan merata-rata, mengembara.

**jak** I Kl cara menikam (dgn deras).

**jak** II Kl raga besar.

**jak** III Kl semenjak, dari.

**jaka** I bermain guli.



**jaka II** Jw jejaka.

**jakah** Kl langkah.

**jakal** sj anjing hutan yg berbulu kuning, *Canis aureus*.

**jakas** sj tumbuhan (pokok), mengkuang, *Pandanus spp.*

**jaket** (jakét) **1.** sj kot pendek berlengan dan terbuka di depan, labuhnya hingga ke punggung; ~ *keselamatan* sj jaket tidak berlengan yg boleh dikembungkan, biasanya digunakan ketika kecemasan dlm air; **2.** balutan yg direka bentuk utk melindungi kulit buku;

**berjaket** memakai jaket: *Emil ~ kulit berwarna hitam.*

**jaki** berasa marah, meradang.

**JAKIM** akronim bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

**jaksa** Id pendakwa raya, pegawai undang-undang yg mengemukakan tuduhan dan menyampaikan dakwaan dlm proses perbicaraan di mahkamah;

~ *agung* peguam negara; ~ *panitera* pegawai yg menuntut perkara dlm pengadilan negeri; ~ *tinggi* jaksa yg bekerja di mahkamah tinggi;

**kejaksaan 1.** pejabat jaksa; **2.** kekuasaan utk menuntut perkara.

**jaksi** Id; *topi* ~ sj topi (yg dibuat drpd mengkuang).

**jakun I** Mn halkum.

**Jakun II** penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Melayu-Proto yg tinggal di selatan Semenanjung (hutan Pahang, Johor dan Negeri Sembilan).

**jakuzi** sj tab mandi, kolam dsb yg airnya sentiasa berpusar utk mengurut badan.

**jala I** sj alat berbentuk jaring yg digunakan utk menangkap ikan;

~ *anding* sj jala utk menangkap ikan anding; ~ *rambang* sj jala yg mempunyai mulut besar; ~ *rambut* kain net kecil drpd nilon yg digunakan utk menutup rambut wanita agar kelihatan kemas; ~

*tambang* sj jala utk menangkap ikan tambang; ~ *udang* sj jala kecil utk menangkap udang; *ikan terkilat*, ~ *tiba* prb sangat cepat dapat menangkap maksud perkataan orang, tindakan yg cepat;

**jala-jala, jejala** sesuatu yg menyerupai jala (kisi-kisi dll), bahagian atau dinding rumah yg berlubang-lubang (berkerawang dll) tempat angin masuk; ~ *rambut* jala rambut;

**berjala** **1.** mempunyai jala; **2.** menyerupai (berbentuk) jala: *tumbuhan itu, uratnya berkayu dan ~*;

**menjala** menangkap ikan dgn menggunakan jala; *siapa ~ siapa terjun* prb siapa yg ingin sesuatu dialah yg harus berusaha;

**penjalaan** perbuatan (kerja) menjala;

**penjala** orang yg menjala.

**jala II**; ~ *mas* Kl sj kuih yg dibuat drpd telur.

**jalad I** Ar algojo, pertanda.

**jalad II** Id hawa sejuk yg boleh membekukan air.

**jalak I** **1.** sj burung (termasuk jenis burung tiung, tetapi agak kecil sedikit), *Sturnupostor jalla*; **2.** = *ayam* ~ ayam jantan yg berani (digunakan utk bersabung); **3.** ki orang yg berani.

**jalak II** sj perahu layar (bertiang satu atau dua) yg digunakan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

**jalal** Ar kebebasan, kemuliaan, keluhuran.

**jalan** **1.** tempat lalu lintas (utk orang, kenderaan, dll): *belanja membuat ~*; **2.** tempat yg harus dilalui atau dilintasi supaya sampai ke tempat (ruang) tertentu, laluan: *tolong tunjukkan ~ ke rumah datuk penghulu*; ~ *laut* laluan yg diikuti di laut utk pergi ke sesuatu tempat; **3.** gerakan (kereta, enjin, dll): *kereta itu sangat laju ~nya*; *jam itu cepat ~nya*; **4.** perkembangan sesuatu peristiwa (cerita, perundingan, dll): ~ *cerita*; **5.** cara, ikhtiar, usaha: *semua ~ utk mencapai perdamaian telah pun difikirkan*; *itulah ~ yg baik sekali*

*utk kamu; mencari* ~ berikhtiar, berusaha; **6.** bp dapat diterima (atau dipakai), laku, berhasil: *temberang engkau itu tak ~ di sini*; **7.** Id perangai, tingkah laku; **8.** bp berangkat, pergi (meninggalkan sesuatu tempat): *selamat* ~;

~ *bahasa* cara penggunaan bahasa yg khas dlm sesuatu bahasa; ~ *belakang* a) jalan masuk melalui pintu belakang; b) ki cara melakukan sesuatu dgn tidak mengikut peraturan yg telah ditentukan; ~ *buntu* a) jalan yg tidak bersambung lagi; b) = *menemui* ~ *buntu* terhenti (mesyuarat dll) kerana tidak ada kata sepakat, kandas; ~ *cagak* (*tiga, empat, dll*) jalan yg bercabang (*tiga, empat, dll*); ~ *damai* cara (ikhtiar) mencapai perdamaian; ~ *enam tahun* belum genap enam tahun; ~ *fikiran* cara pemikiran; ~ *jajahan* Id jalan kecil, lorong; ~ *keluar* a) jalan utk keluar (dr sesuatu tempat); b) cara utk menyelesaikan sesuatu perkara (masalah dll); ~ *kereta api* landasan kereta api; ~ *masuk* jalan utk masuk ke sesuatu tempat atau kawasan; ~ *mati* jalan yg tidak digunakan lagi; ~ *memintas* = ~ *rentas* jalan potong (yg lebih pendek) yg merentasi atau memintas sesuatu kawasan; ~ *nafas* rongga tempat nafas keluar masuk; ~ *pengajaran* cara menyusun dan memberikan pelajaran; ~ *raya* jalan besar; ~ *samping* a) jalan kecil yg selari dgn jalan besar; b) jalan di tepi rumah; ~ *sehala* jalan yg boleh dilalui kenderaan yg bergerak satu hala sahaja; ~ *serap* jalan kecil yg hanya dapat dilalui orang (terjadi kerana kerap dilalui); ~ *serong* a) jalan bengkok; b) niat jahat; c) perbuatan yg tidak baik; ~ *simpangan* jalan yg menyimpang dr jalan besar; ~ *simpang tiga* (*empat*) jalan yg bersimpang tiga (*empat*); ~ *susur* jalan raya kecil yg agak selari dgn jalan raya utama utk menuju ke kawasan perumahan, kompleks, kedai dsb; ~ *tengah* a) jalan yg terletak di tengah; b) keputusan (pendapat) yg diambil antara dua

(atau beberapa) pendapat yg berbeza; ~ *tikus* jalan yg kecil (yg terdapat di kampung-kampung atau di hutan-hutan); ~ *umum* jalan utk semua orang dan kenderaan;

~ *diasak orang lalu, cupak dipepat orang menggalas* prb adat istiadat dlm suatu negeri diubah oleh orang asing yg menempat di situ (suatu keaiban); ~ *di tepi-tepi, benang arang orang jangan dipijak* prb kalau merantau di negeri orang hendaklah bersopan santun; ~ *mati lagi dicuba, inikan pula ~ binasa* prb orang yg berani itu tidak membilang lawan atau memilih perbuatan; ~ *raya titian batu* prb adat atau aturan yg telah lazim dr dahulu dan belum berubah-ubah; ~ *spt orang berak di tengah ~* prb sindiran kpd orang yg pemalu; *sedepa ~ ke muka, setelempap ~ ke belakang* prb hal orang yg maju ke muka utk mencapai cita-citanya; *seiring bertukar ~* prb mempunyai haluan (tujuan) yg berbeza; *sekali ~ terkena, dua kali ~ tahu* prb seorang hanya boleh ditipu sekali sahaja; *sesat di hujung ~ balik ke pangkal ~* prb kalau berbuat salah pd peringkat akhir hendaklah disusul kembali kpd asalnya;

**sejalan 1.** sama arah (tujuan, pemikiran, dll): *hujah mereka ~ dgn hujah kami*; **2.** bkn garisan selari, sejajar; *dua garisan ~* dua garisan yg sejajar; *saudara ~ jadi saudara seibu*;

**berjalan 1.** bergerak (ke depan dll) dgn kaki: *setelah diberi isyarat kanak-kanak itu pun mulai ~*; **2.** bergerak dr satu tempat ke tempat lain: *kereta api itu ~ dgn lajunya menuju ke pelabuhan*; **3.** berangkat, pergi (menuju) ke: ... *baiklah engkau bawa sedikit bekalan sebab engkau hendak ~ jauh*; **4.** berlangsung, berlaku, terjadi: *persidangan itu ~ dgn lancarnya; peraduan itu akan ~ selama tiga bulan*;

~ *darat* pergi ikut jalan darat (tidak ikut jalan laut atau udara); ~ *kaki* berjalan dgn tidak menggunakan kenderaan dll; ~ *serong*

(bersikap) tidak jujur; ~ *dr pintu belakang* prb tidak mengikut peraturan yg ditentukan, tidak jujur; ~ *jauh banyak dilihat* prb orang yg banyak merantau akan mendapat banyak pengalaman; ~ *peliharakan kaki, berkata peliharakan lidah* = ~ *selangkah menghadap surut, berkata sepatah difikirkan* prb dlm melakukan sesuatu pekerjaan hendaklah senantiasa berhati-hati; ~ *sampai ke batas, belayar sampai ke pulau* prb hendaklah mengerjakan sesuatu pekerjaan itu hingga selesai;

**berjalan-jalan** **1.** bersiar-siar makan angin dgn berjalan kaki: *Ali pergi ~ bersama isterinya di tepi pantai itu*; **2.** melancong: *setiap musim cuti, mereka pergi ~* ;

**menjalani** mengalami, melalui: *dia telah ~ satu pembedahan*;

**menjalankan** **1.** mengusahakan (membuat) supaya berjalan (kereta, kereta api, mesin, perniagaan, dll): *dia cuba ~ kereta itu tetapi tidak berjaya; sesudah ayahnya meninggal, Alilah yg ~ perusahaan itu*; **2.** mengerjakan (tugas dll), melaksanakan: *Pak Leman tidak berasa susah atau berat utk ~ tugasnya sbg seorang penarik beca*;

**terjalan** dapat berjalan: *dia keletihan dan tidak ~ lagi*;

**jalanan** bp **1.** jalan, lorong; **2.** dlm perjalanan;

**perjalanan** **1.** perihal berjalan (bergerak), gerakan: *dia bertanggungjawab atas ~ pejabat; bertanggungjawab mentadbir ~ koperasi*; **2.** = **kejalanan** ark perihal berpergian (kepergian): *ibunya meninggal dlm ~ ke Mekah*; **3.** pengaliran: *kotoran menghalang ~ minyak itu*;

**penjalan** ark(orang) yg menjalankan (kereta, perintah, dll): ~ *kereta kuda itu ialah seorang tua yg berjanggut*; orang yg suka berjalan;

**pejalan;** ~ *kaki* orang yg berjalan kaki (di jalan raya dsb): *masih banyak ~ kaki yg tidak mematuhi peraturan ketika menyeberangi jalan.*

**jalang I** tidak mempunyai tempat tinggal yg tetap, liar;

*kerbau* ~ kerbau yg tidak dipelihara orang, kerbau liar; *perempuan* ~ perempuan jahat, pelacur;

**menjalang** menjadi buas, menjadi liar: *dia ke kota dan ~ di sana;*

**kejalangan** perihal jalang, (kebuasan, keliaran): *di daerah terpencil itu ~ masih berleluasa.*

**jalang II;** *rumput* ~ sj tumbuhan (herba), rumput tahi ayam, tahi anjing, *Ageratum conyzoides.*

**jalang III Mn** → **jelang II.**

**jalangkah** jalan raya yg berupa jambatan yg melintasi jalan raya yg lain.

**jalangkung** ark sj permainan yg dimainkan dgn memanggil orang halus.

**jalar;** *ubi* ~ ubi yg pokoknya melata;

**berjalaran, berjalar-jalar** merayap, melata (bkn pokok dll), bergerak (perlahan), merayap ke sana ke mari (bkn ular, lipan, dsb): *cacing ~ ke sana ke mari di dlm bekas itu; akar* ~ sj tumbuhan, akar gegerit besi;

**menjalar 1.** bergerak perlahan(-lahan), merayap: *ulat itu ~ ke arahnya;* **2.** (tumbuh) melata (bkn tumbuh-tumbuhan spt pokok labu, kacang panjang, dll): *tumbuh-tumbuhan yg ~;* **3.** merebak (api dll); **4.** merebak, menular (bkn penyakit dll): *wabak taun telah ~ ke daerah selatan pulau itu;* **5.** meluas, berkembang merebak (meluas): *gerakan antikerajaan oleh kaum Buddha telah ~ di Vietnam Selatan; perkembangan ini kemudiannya ~ ke luar Eropah;*

**menjalari 1.** menjalar di: *ular-ular ~ peti-peti kaca itu; rumpai telah ~ timbunan kayu itu;* **2.** merebak (melarat) ke: *api telah ~*

*keseluruhan kawasan itu; 3. menulari, merebak ke, menjangkiti: demam selesema ~ ramai pelajar;*

**menjalarkan** **1.** menjadikan (membiarkan) menjalar; **2.** menjangkitkan, merebakkan, meluaskan;

**terjalar** seakan-akan (spt) menjalar; *jatuh* ~ jatuh terlungkup;

**jalaran** tempat menjalar (tumbuh-tumbuhan dll);

**penjalaran** perihal menjalar (tumbuh-tumbuhan dll);

**penjalar** (Bio) tumbuhan yg tumbuh melata di atas tanah atau memanjat benda yg tinggi dgn menggunakan akar udara, mis pokok labu dan tembikai.

**jalat** Kl berasa hendak muntah (kerana makan sesuatu).

**jaleh** (jaléh) Mn jelas.

**jali I** Ar jelas, nyata, terang;

**terjali** menerima wahyu (ilham).

**jali II;** ~ *batu* sj tumbuhan (pokok), banton, medang pupoi, meroyan batu, *Vitex coriacea*.

**jalia** ark sj kapal perang pd masa dahulu.

**jalibut** sj perahu yg didayung.

**jalin 1.** anyam, kepong; *rambut* ~ rambut yg berkepong; *tikar* ~ tikar rotan (tersusun); **2.** rangkai;

**berjalin 1.** beranyam, berkepong: *bakul* yg ~ ; **2.** berangkai (benda panjang spt buluh, rotan, bilah, dll): *bidai itu dibuat drpd bilah kayu* ~; **3. = berjalinkan** = ~ dgn terselip dgn: *novel* yg ~ sejarah;

**berjalin-jalin = berjalinan 1.** beranyam-anyam, berkepong-kepong; **2.** berangkai-rangkai, berkait-kait, bersambung-sambung;

**menjalin 1.** menganyam (mengepang) rambut dll: ~ *rambut*; **2.** menjadikan bertalian atau berkaitan, merangkaikan: *kaedah penyusunan ayat-ayat utk ~ pemikiran*; **3.** menyusun (mengarang)

cerita dll: ~ *cerita*; **4.** mewujudkan, menjadikan ada: ~ *persahabatan*; **5.** mengeratkan: ~ *silaturahmi*;

**menjalinkan** **1.** merangkaikan: ~ *bilah-bilah buluh itu*; **2.** menyelipkan, memasukkan: *dia hendak ~ pengalamannya di dlm novelnya*; **3.** mewujudkan: ~ *perhubungan*; **4.** mengeratkan;

**memperjalinkan** menjadikan berjalin atau berangkai;

**terjalin** **1.** teranyam, terkepang; **2.** terangkai; **3.** terselip; **4.** telah wujud, ada (persahabatan dll): *kerjasama antara Amerika dan Kanada telah lama ~*;

**jalinan** sesuatu yg dijalin (terjalin);

**keterjalinan** perihal (keadaan) terjalin: ~ *antara unsur-unsur karya*;

**penjalinan** perbuatan menjalin (menjalinkan);

**penjalin** **1.** tali dll yg digunakan utk menjalin sesuatu: *ayah sibuk meraut rotan ~ lukahnya*; **2.** Jw rotan; **3.** orang yg menjalin sesuatu.

**jalir; menjalir, menjalirkan** mengalir(kan);

**penjaliran** pengaliran.

**jalis** Ar kawan, sahabat.

**jalo** sj ikan darat, *Ophicephalus meruloides*.

**jalu** susuh ayam jantan;

**berjalu** bersusuh;

**menjalu** memukul (menikam, mencucuk) dgn jalu.

**jalur** **I** **1.** garis yg agak lebar dan lurus (pd kain dll), loreng yg lurus, belang; **2.** ruang panjang yg terletak di antara dua garis (batas, deret, dll), lajur; **3.** sesuatu yg nipis serta panjang; **4.** kayu nipis dan panjang yg dipakai sbg lidah utk menyambung kayu; **5.** (Komp) spektrum frekuensi di antara dua had frekuensi yg ditetapkan dlm sistem telekomunikasi; **6.** (Komp) jejak pd cakera,



katrij, atau gelendong magnet yg telah ditentukan sbg tempat menyimpan data;

~ *asas* (Komp) jalur frekuensi yg diduduki oleh suatu isyarat asal, sebelum isyarat tersebut diproses; *J*~ *Gemilang* nama bendera negara Malaysia; ~ *lebar* (Komp) jalur frekuensi saluran penghantaran yg mempunyai lebar jalur melebihi frekuensi suara 3000 hertz; ~ *tenaga* (Kim) jalur yg terbentuk drpd aras-aras tenaga yg selanjat dan sangat rapat dlm pepejal berhablur;

**berjalur, berjalur-jalur** **1.** bergaris-garis yg lebarnya sama dan warnanya berlainan, berloreng lurus: *bendera itu ~ putih merah*; **2.** mempunyai ruang panjang (di antara dua garis dll): *kain itu dipotong ~*;

**jaluran** **1.** jalur: *tikar mengkuang itu ada ~ merah*; **2.** perihal berjalur: *saraf ~*.

**jalur II** sj perahu (dibuat drpd sebatang kayu yg dikorek).

**jalur-jalur** sj ikan laut, *Gymnocaesio spp.*

**jam** **1.** sj alat utk menunjukkan (mengukur) waktu; **2.** = *satu* ~ waktu yg lamanya 60 minit atau 1/24 hari; **3.** tanda waktu, pukul: *dia tiba di pejabat sebelum ~ lapan pagi*; **4.** ketika, saat, waktu: ~ *orang hendak berangkat ~ itulah engkau hendak mandi*;

~ *bicara* waktu yg ditetapkan utk menerima tetamu; ~ *dalaman* (Komp) peranti atau isyarat denyut yg digunakan utk penyegerakan atau pembilangan dlm sistem komputer; ~ *digital* (Komp) a) deretan isyarat berdenyut yg dijanakan dlm sistem digital sbg isyarat rujukan utk menyegerakkan sistem; b) penyata waktu yg memaparkan nilai waktu dlm bentuk digital; ~ *dinding* sj jam yg digantungkan di dinding; ~ *induk* (Komp) a) sj peranti elektronik yg menjanakan isyarat masa utk digunakan sbg rujukan bagi semua pengendalian komputer yg segerak; b) isyarat masa yg

digunakan sbg rujukan utama bagi semua pengendalian komputer atau sistem segerak; ~ *kawalan* (Komp) jam elektronik dlm perkakasan sistem yg digunakan oleh sistem tersebut utk menentukan masa pengaliran suruhan dan data; ~ *kerja* masa yg ditentukan utk bekerja, waktu kerja; ~ *kuarza* jam yg berfungsi dgn menggunakan getaran hablur kuarza yg dikawal oleh mikrolitar; ~ *loceng* jam berloceng yg boleh berbunyi pd waktu yg ditetapkan; ~ *luaran* (Komp) peranti atau isyarat denyut yg digunakan utk penyegerakan atau pembilangan di luar sistem utama komputer; ~ *masa nyata* (Komp) a) peranti jam yg menjanakan masa yg nilainya sama dgn masa sebenar (berbanding dgn masa khayalan yg bermula apabila komputer dihidupkan atau berdasarkan masa yg ditentukan oleh atur cara); b) isyarat jam yg ditentukan oleh masa sebenar; ~ *matahari* sj peranti (digunakan pd masa dahulu) yg menunjukkan waktu dgn bayangan sesuatu yg terhasil drpd pancaran matahari; ~ *pasir* alat mengukur waktu dgn menggunakan pasir; ~ *pelajaran* waktu yg ditentukan utk memberi pelajaran; ~ *penggera* jam yg mempunyai peranti yg berbunyi apabila sampai pd waktu yg ditetapkan; ~ *randik* = ~ *detik* jam utk mengukur dgn detik; ~ *saku* sj jam yg diletakkan di dlm saku; ~ *tangan* sj jam yg dipakai di tangan;

**berjam-jam** beberapa jam berturut-turut: ~ *dia menunggu kawannya.*

**jama** Kl sj pisau.

**jamadat** Ar ark segala benda yg tidak bernyawa (bukan organik).

**Jamadilakhir** bulan keenam dlm tahun Hijrah.

**Jamadilawal** bulan kelima dlm tahun Hijrah.

**jamah; menjamah** **1.** menyentuh (dgn tangan dsb), memegang; **2.** makan sedikit, merasa: *seumur hidupnya dia belum pernah ~*

*makanan spt itu; 3. ki menyetubuhi, meniduri (perempuan): gadis yg sudah dijamah orang;*

**jamah-jamahan** sl hamba perempuan yg juga dijadikan gundik;

**jamahan** ki sentuhan;

**penjamahan** **1.** perbuatan menjamah; **2.** ark pegangan, pekerjaan (yg dipegang).

**jamak I** Ar kelonggaran yg diberikan utk menghimpunkan solat fardu (dgn syarat yg dibolehkan): *sembahyang ~;*

*~ takdim* perbuatan menghimpunkan sembahyang (zohor dan asar, atau maghrib dan isyak) yg ditunaikan pd waktu sembahyang yg pertama (zohor atau maghrib); *~ takhir* perbuatan menghimpunkan sembahyang (zohor dan asar, atau maghrib dan isyak) yg ditunaikan pd waktu sembahyang yg kedua (asar atau isyak);

**menjamakkan** menghimpunkan dua solat (zohor dan asar atau maghrib dan isyak) dlm satu waktu.

**jamak II** **1.** sudah sememangnya; **2.** biasa, lazim: *sudah ~ nya;*

**sejamaknya** **1.** sememangnya, sewajarnya, sepatutnya; **2.** selazimnya;

**menjamakkan** membuat menjadi biasa (lazim), melazimkan;

**kejamakan** hal yg biasa, lazim.

**jamak III** (Lin) lebih drpd satu, banyak;

**menjamakkan** menjadikan banyak (bentuk jamak);

**jamang I = jejamang** sj perhiasan yg dibuat drpd emas atau perak dan dipakai di dahi atau di kepala.

**jamang II** Mn; **sejamang** sebentar.

**jamba** sj tumbuhan (herba), *Neuwiedia lindleyi*.

**jambak I** **1.** karangan (bunga, kunci, dll), rangkai, berkas: *se~ bunga; orang se~* orang yg seketurunan; **2.** gombak (atau bulu) pd dahi kuda;

**berjambak-jambak** berkarang-karang, berangkai-rangkai: *daun pokok itu tumbuh ~ spt rambut; di langit dilihatnya awan putih berarak ~.*

**jambak II; menjambak** Jw meragut rambut.

**jambak III** Mn sj jambu merah, *Eugenia jambos*.

**jambal** sj ikan laut, *Wallago attu*.

**jamban 1.** tempat buang air, tandas; **2.** Ph tempat mandi atau basuh kain.

**jambang I = jambangan 1.** tempat meletakkan bunga; **2.** pasu bunga; **3.** Jw pasu; **4.** belanga besar.

**jambang II** bulu (atau rambut) yg tumbuh di pipi.

**jambar I** ark pondok, bangsal, gubuk.

**jambar II** hidangan; *makan se~* makan bersama-sama sehidangan.

**jambat; jambatan 1.** titi yg besar (yg dibuat drpd kayu atau batu) utk lalu lintas menyeberangi sungai, jalan kereta api dll; **2.** ki penghubung, perantara: *peranan saya ialah sbg ~ utk menghubungkan kesarjanaan saya dgn dunia politik saudara;*

*~ angkat-angkat = ~ jungkatan* Id jambatan yg boleh dinaikkan dan diturunkan; *~ gantung* jambatan yg hanya menggunakan tali utk menyambung kedua-dua tebing; *~ pelampung* jambatan yg terapung di atas air; *~ timbang* sj mesin yg pelantarnya dipasang pd permukaan jalan utk menimbang kenderaan; *~ udara* jambatan automatik dan tertutup spt terowong yg menghubungkan kapal terbang dgn bangunan terminal utk memberi kemudahan penumpang keluar masuk dr kapal terbang ke dlm terminal;

**menjambatani 1.** membuat jambatan; **2.** menjadi perantara (penghubung).

**jambelang** (jambélang) sj tumbuhan (pokok), jiwat, juwat-juwat, salam, *Eugenia cumini*.

**jambiah** sl golok (bengkok dan bermata dua), kerambit.

**jambian** sj ikan laut, *Lutianus argentimaculatus forak*.

**jambori** perhimpunan besar pengakap (atau pandu puteri) biasanya bertaraf antarabangsa.

**jambret** (jambrét) Jk; **menjambret** merampas, merenggut.

**jambu 1.** sj tumbuhan (pokok dan buahnya); *merah* ~ merah muda; ~ *air* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Eugenia aquea*; ~ (*air*) laut = ~ *jembah* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Eugenia grandis*; ~ (*air*) mawar sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Eugenia jambos*; ~ *batu* = ~ *biji* = ~ *berasa* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Psidium guajava*; ~ *bol* = ~ *keling* = ~ *melaka* = ~ *merah* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Eugenia malaccensis*; ~ *golok* = ~ *monyet* = ~ *iros* = ~ *terung* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), gajus, *Anacardium occidentale*; **2.** ki cantik, lawa: *dia memiliki wajah yg ~*.

**jambua** sj limau (yg besar), limau bali, *Citrus decumana*.

**jambu-jambu** jambul, gombak, bulu (di hujung tombak).

**jambul 1.** segumpal rambut (di kepala atau dahi); **2.** bulu yg bergumpal di kepala burung dll; **3.** jambu-jambu (pd kopiah dll); ~ *merak* sj tumbuhan a) (pokok), *Caesalpinia pulcherrima*; b) (pokok), *Jacaranda mimosifolia*; c) (herba), ekor merak, *Selaginella atroviridis*; ~ *siul* sj tumbuhan (pokok renek), pecah periuk jantan, *Ixora pendula*;

**berjambul** mempunyai jambul; *burung* ~ sj burung, burung menjerit, *Platylophus galericulatus ardesiacus*.

**jambung** sj ikan laut, *Cheilinus chlorurus*; **jampung.**

**jame** Tr tikar yg belum siap dianyam: *kamu jangan main di atas tikar ~ itu*.

**jamhur** Ar ark cerdas pandai (dlm pengetahuan agama), ulama.

**jamiah** Ar perhimpunan, pertubuhan.

**jamik** Ar tempat perkumpulan orang Islam utk beribadah; *masjid* ~ masjid utama dlm sesuatu kawasan (utk bersembahyang dan kegiatan-kegiatan keagamaan yg lain).

**jamin 1.** = **jaminan** cagaran, tanggungan; *surat* ~ surat yg menyatakan jaminan atas seseorang atau sesuatu; *wang* ~ wang yg dibayar kpd pihak tertentu utk menjamin seseorang; **2.** = **penjamin**;

**menjamin 1.** berjanji akan menanggung kewajiban orang lain (spt membayar hutang dll) jika orang itu tidak memenuhi kewajibannya: *tidak ada orang yg berani ~ hutangnya itu; dia dibebaskan setelah dijamin oleh abangnya*; **2.** menanggung keselamatan (kebaikan, ketulenan, dll) sesuatu: ~ *keselamatan jiwa dan harta benda rakyat*; **3.** menjanjikan: *penjual itu ~ kepuasan kpd para pelanggannya*; **4.** bp menanggung keperluan sehari-hari (makan, minum, dll): *siapakah yg akan ~ kehidupannya nanti kalau kedua-dua orang tuanya meninggal dunia?*

**terjamin** tertanggung (keselamatan dll), terjaga: *setelah mendapat pekerjaan itu barulah kehidupan keluarganya ~*;

**jaminan 1.** akuan menjamin, kesediaan menanggung sesuatu (akibat dll), cagaran, tanggungan; ~ *bank* (Eko) jaminan yg diberikan oleh pihak bank utk menjelaskan sesuatu hutang jika penghutang gagal berbuat demikian; ~ *hak* jamin hak; ~ *hukum* yg dijamin oleh hukum; ~ *insurans* (Eko) jaminan yg diberikan oleh pihak insurans utk memberikan ganti rugi jika pemegang insurans mengalami kemalangan, kerugian dsb; **2.** janji: ~ *Allah hanya dapat dicapai melalui syarat yg ditentukan oleh Allah; ikhlas telah dijadikan ~ kpd penerimaan segala amal ibadat*;

**keterjaminan** keadaan terjamin: *utk memastikan ~ masa depan parti ini, perlulah kita bersatu teguh*;

**penjaminan** perbuatan menjamin;

**penjamin** **1.** orang yg sanggup menjaga (menanggung) keselamatan orang lain; **2.** orang yg sanggup memenuhi kewajiban (membayar hutang dll) orang lain apabila orang itu tidak dapat menepati janjinya; **3.** orang yg menjanjikan sesuatu.

**jamiz** ark sj pokok (di Mesir).

**jampal** ark sukatan berat emas ( 1/2 bungkal), nilai wang (1/4 rial).

**jampi** kata-kata tertentu yg diucapkan utk mendatangkan kesaktian (spt boleh menyembuhkan penyakit dll), mantera: *kebanyakan orang zaman sekarang tidak percaya pd ~ lagi;*

*~-jampah = ~ serapah* berbagai-bagai jenis jampi: *~ serapah pun berhamburan drpd mulut Siti Faedah yg kecil molek itu;*

**berjampi** bermantera, telah dimanterai (dijampi): *Madon membawa sebilah parang panjang ~ ;*

**menjampi, menjampikan** membaca jampi, dimanterai: *pawang itu ~ air yg diberikan kepadanya;*

**jampian** **1.** jampi mantera; **2.** (yg) telah dimanterai; **3.** menjampi;

**kejampian** kena jampi (mantera);

**penjampian** perbuatan menjampi (manterai).

**jampuk I** sj burung hantu, hantu reban, *Otus bakkamonea*; *~ kubur, Tyto alba*; *~ pantai, Phodilus badius*; *~ rumput, Tyto capensis*; *bagai ~ kesiangan hari* prb seseorang yg bingung kerana kehilangan akal.

**jampuk II; menjampuk** mencelah (memotong) percakapan orang, menyampuk: *awak ini biadab, suka ~ percakapan orang.*

**jampul** sj sampan (drpd kayu meranti atau kayu ringan lain).

**jampung** sj ikan laut; → **jambung**.

**jamrah** Ar batu kerikil yg digunakan utk dilontarkan di ketiga-tiga tempat (Jamratul Ula, Jamratul Wusta, dan Jamratul Aqabah) semasa menunaikan fardu haji.

**jamu I; berjamu 1.** melayani atau memberi makan dan minum kpd orang(-orang) lain (tetamu): *mereka sedang sibuk ~*; **2.** pergi berkunjung (bertandang): *~ ke rumah Ali*;

**menjamu, menjamui, memperjamu** memberi makan dan minum kpd orang-orang lain (tetamu): *mereka ~ sekalian orang yg datang itu; mereka itu sekalian di(per)jamu minuman teh dan kopi; ~ mata* ki melihat sekehendak hati (barang-barang yg dipamerkan dll); *~ selera* makan dgn sepuas-puasnya: *mereka ~ selera dgn makanan yg dihidangkan*;

**jamuan 1.** makanan yg dihidangkan (kpd tetamu), sajian: *~nya menyelerakan*; **2.** = *majlis* ~ majlis yg disertai dgn hidangan makan;

*~ berselerak* jamuan apabila tetamu duduk berselerak dan mengambil makanan sendiri di suatu tempat yg telah disediakan; *~ besar* majlis jamuan utk bilangan jemputan yg ramai dan biasanya diikuti oleh ucapan bankuet; *~ negara* jamuan besar yg diadakan oleh kerajaan (biasanya utk meraikan orang-orang kenamaan asing yg mengunjungi negara secara rasmi); *~ ringan* makanan yg tidak berat (spt kuih, buah-buahan, dsb) dihidangkan; *~ teh* majlis yg menyajikan teh, minuman, dan makanan ringan lain;

**perjamuan** perjumpaan utk makan minum, peralatan: *saya rasa patut sungguh kita hadir di ~ itu*; *~ suci* Id santapan yg diadakan oleh Jesus Christ pd malam sebelum ia disalib (agama Kristian);

**penjamuan** perbuatan menjamu.

**jamu II = jamu-jamu, jejamu** sj ubat yg dibuat drpd berbagai-bagai akar dan daun kayu.

**jamu-jamu** sj tumbuhan (pokok renek), beberas padi, mesirah hutan, *Aprosa microcalyx*.



**jamung** andang, suluh: *dr jauh mereka sudah nampak api ~ yg di tengah sawah itu.*

**jamur** Jk cendawan, kulat;

**berjamuran** bercendawan, berkulat.

**Jan** kep Januari.

**jana** 1. hidup; 2. nyawa; ~-*bijana* tempat lahir;

**menjanakan** menghasilkan, mengadakan, melahirkan, mengeluarkan: ~ *kuasa elektrik; peranan yg dimainkan oleh sektor pertanian dlm ~ pendapatan dan guna tenaga;*

**terjana** terbina, terjadi, telah diadakan, terhasil;

**penjana** perbuatan (tindakan dsb) menjanakan atau menghasilkan sesuatu: *cawangan perusahaan ini meliputi segala kegiatan yg berkaitan dgn ~, pengasingan, atau pembersihan berbagai-bagai bahan kuasa; putaran sistem ini telah menyebabkan ~ dan pemusnahan alam kejasmanian; ~ semula* (Bio) pembentukan semula tisu atau organ yg tercedera (rosak) pd tumbuhan atau haiwan, mis pembentukan semula ekor cicak yg telah putus;

**penjana** sesuatu (alat dll) yg atau utk menjanakan (kuasa dll): *alat ini mempunyai sebuah ~ haba serta saluran cecair ammonia.*

**janabat** Ar junub.

**jana kuasa** alat yg menghasilkan tenaga elektrik;

**menjana kuasa** menghasilkan tenaga elektrik (terutamanya di stesen jana kuasa).

**janda I** orang perempuan yg pernah berkahwin tetapi tidak bersuami lagi kerana bercerai atau kematian;

~ *belum berlaki* ki gadis yg telah dinodai orang dan kemudian ditinggalkan; ~ *berhias* a) janda yg belum mempunyai anak; b) (pengantin) perempuan yg kematian (bercerai dgn) suaminya

sebelum berseketiduran dengannya; ~ *kepulangan* minuman yg dibuat drpd kelapa muda; ~ *muda* janda yg masih muda; ~ *sehari* perempuan yg berkahwin beberapa hari sahaja lalu bercerai dgn suaminya;

*laksana ~ baru bangun tidur* prb perempuan yg sangat menarik hati orang laki-laki; *spt ~ belum berlaki* prb orang yg pesolek lagi pemalu;

**berjanda** sudah bercerai (menjadi janda), hidup sbg janda;

*sudah tujuh duduk ~, sembilan beranak tiri, tercecah uban di gigi* prb ejekan terhadap orang tua yg hendak berkahwin lagi;

**menjanda** menjadi janda, hidup sbg janda (tidak berkahwin lagi):

*Lah akan ~ sampai ke mati;*

**kejandaan** keadaan menjanda.

**janda II**; ~ *baik* sj tumbuhan (pokok besar), balung ayam, melunak, *Pentace triptera*.

**jangak I = penjangak** orang yg berkelakuan tidak senonoh (cabul, jahat); *perempuan ~* perempuan lacur;

**menjangak 1.** hidup secara tidak senonoh; **2.** berzina.

**jangak II** Kl cantik, kacak.

**jangan** kata larangan yg menyatakan tidak boleh ..., hendaknya tidak, usah: *kalau aku lambat pulang malam ini ~lah bimbang*; ~ *dikata lagi* usah dikatakan lagi; ~ *dok tebiang* Kd ungkapan bagi melarang seseorang membuat sesuatu kerja; ~ *tidak* a) mesti, tidak boleh tidak; b) tidak dgn sepenuh hati (membuat sesuatu pekerjaan dsb), acuh tak acuh;

**jangan-jangan** entah-entah, entahkan, barangkali: ~ *dia dah lari*; ~ *dia tidak terdaya hendak menjalankan kerjanya nanti*;

**jangkalan** usahkan: ~ *hendak makan, minum pun dia tak mahu*;

**menjangkalan** ark menegah, melarang.

**janganan** sj makanan spt rojak (campuran buah-buahan atau sayur-sayuran yg dimakan dgn kuah yg dibuat drpd kacang goreng).

**jangar** sj penyakit, pening kepala.

**jangas** sj ikan, bandang, *Chanos chanos*.

**jangat I** **1.** kulit (rotan, kayu, dll) di luar; **2.** kulit rotan yg sudah diraut (utk dibuat tikar dll); **3.** kulit haiwan atau manusia; **4.** Jw tali yg dibuat drpd kulit;

*akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar gueh, akar sarik, akar sejangat, akar sekuiet, *Spatholobus ferrugineus*; *keras* ~nya kebal;

*makan* ~ sangat miskin, papa; *tebal* ~nya tidak berperasaan;

~ *liat kurang panggang* prb keras hati, tidak dapat diajari; *tinggal*

~ *pemalut tulang* prb sangat kurus;

**menjangat, menjangati, menjangatkan** membersihkan atau melicinkan rotan yg telah dibelah, menguliti, meraut: *tolong jangatkan rotan ribu yg aku belah tadi*;

**penjangat** alat utk menjangat: *pisau* ~.

**jangat II** Kl menekan perut ketika hendak melahirkan anak.

**janggal I** kuku palsu drpd perak atau suasa (dipakai oleh penari).

**janggal II** bentuk badan yg tinggi dan kurus kering (biasanya orang lelaki): *setelah pulih drpd sakit, badannya yg dulunya gemuk berubah menjadi* ~.

**janggal I** tidak sedap dilihat (didengar), canggung, tidak sesuai (tepat), tidak selaras: *bunyinya agak* ~; *kekasaran seorang isteri sangat* ~ *nampaknya kerana makhluk wanita ini sebenarnya serba lembut*;

**menjanggalkan** menyebabkan (menjadikan) janggal, membuat sesuatu yg janggal, menganggap janggal, mencanggungkan;

**kejanggalan** **1.** perihal janggal, kecanggungan; **2.** sesuatu yg janggal: *memang ini akan merupakan* ~, *tetapi lama-kelamaan ini akan menjadi kebiasaan*.

**janggal II** Kl tidak lekat pd tempurung (isi buah kelapa).

**janggi I 1.** orang Habsyi (berkulit hitam dan pd amnya tinggi dan besar);

2. ki segala sesuatu yg ajaib (benda dll);

**janggi II;** ~ *padang* sj tumbuhan (pokok renek), akar bunga, pokok hujan panas, saga, *Breynia reclinata*; *pauh* ~ sj buah, nyiur laut, *Lodoicea maldivica*.

**janggul** sj ikan laut, *Dussumieria hasselti*.

**janggus** sj tumbuhan (pokok dan buah), gajus, jambu golok, jambu monyet, *Anarcardium occidentale*.

**janggut I 1.** bulu yg tumbuh di dagu; 2. Jw dagu; ~ *labium* (Bio) janggut berhampiran mulut (pd Artropoda spt udang dll); *kebakaran* ~ bp dlm keadaan bingung; *pak* ~ ki orang Benggali; *sebesar* ~ *udang* Kl ki perihal sedikitnya (halusnya) emas yg dipunyai;

**berjanggut** mempunyai (memakai) janggut; *sungguh* ~ *tiada berjubah* prb tidak sempurna syarat.

**janggut II; 1.** ~ *keli* a) sj tumbuhan, geronggong semut; b) sj tumbuhan, bongbong; 2. ~ *rimau* sj tumbuhan, bunga kawah; *akar* ~ *baung* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Pterisanthes polita*; 3. *rumpit* ~ *ali* sj rumput yg tinggi, *Panicum sarmentosum*; *rumpit* ~ *kuau* sj rumput tinggi, rumput purun batu, rumput serai jantan, *Fimbristylis aestivalis*;

**jangka I 1.** = ~ *lukis* alat berkaki dua yg dapat dilebarkan atau disempitkan kakinya utk membuat bulatan (mengukur jarak pd peta dll); 2. alat utk membelah daun mengkuang atau daun pandan menjadi jalur-jalur kecil; 3. alat menyukat atau mengukur sesuatu (suhu, arus elektrik, dll);

~ *bunyi* alat utk menguji pendengaran orang pekak atau utk menguji bunyi; ~ *cahaya* alat utk menyukat atau membandingkan kekuatan cahaya drpd sumber yg berbeza, fotometer; ~ *galvani*

alat utk menyukat arus elektrik, galvanometer; ~ *halus* alat utk mengukur jarak atau sudut yg kecil dgn tepat, mikrometer; ~ *hayat* jangka masa atau tempoh hidup seseorang atau kegunaan sesuatu (alat, jentera, dll); ~ *kalori* alat utk menyukat banyaknya haba yg dikeluarkan (diserap atau dialirkan), kalorimeter; ~ *laju* alat utk menyukat laju, meter laju; ~ *lembap* alat utk menyukat banyak atau sedikitnya wap air dlm udara, higrometer; ~ *sudut* alat utk mengukur atau melukis sesuatu sudut, protractor; ~ *suhu* alat utk menyukat tinggi rendah suhu pd sesuatu ketika, termometer; ~ *tekanan* alat utk menyukat tekanan udara, barometer; ~ *tekanan gas* alat utk menyukat tekanan gas, manometer; ~ *tinggi* alat utk menyukat tinggi tempat dr paras muka laut, altimeter; ~ *tolok* alat utk membuat bulatan (lengkok), ruang, dan menentukan jarak jauh; ~ *tumpat* alat utk menyukat ketumpatan sesuatu cecair, hidrometer.

**jangka II** = ~ *masa* = ~ *waktu* masa yg telah ditetapkan atau dirancang utk pelaksanaan (penyelesaian dsb) sesuatu, tempoh masa yg (agak) panjang, peringkat (masa): *pekerjaan itu harus kamu siapkan dlm ~ waktu dua bulan*; ~ *pertama* peringkat (masa) pertama; *dlm ~ yg terbatas* dlm waktu yg terbatas; *melampaui ~nya* a) melampaui masa yg telah ditentukan; b) melampaui had yg telah ditetapkan; *rancangan ~ panjang (pendek)* rancangan yg memakan masa yg lama (singkat); *sampai ~nya* sampai waktunya (masanya); *tiada ~nya* tiada batasnya (hadnya);

**berjangka** mempunyai jangka (waktu, rancangan); ~ *panjang (pendek)* mempunyai ketentuan waktu yg lama (singkat);

**menjangka, menjangkakan 1.** menetapkan waktu (ukuran) atau apa yg harus dikerjakan (dan masanya): *pekerjaan itu dijangka*

*siap dlm masa satu tahun; 2. menduga, menyangka: hujan sudah berhenti, tidak jadi turun spt yg dijangkakan;*

**jangkaan** apa-apa yg dijangka, dugaan, sangkaan: *pertemuan ini pun di luar ~ sama sekali.*

**jangka III** harapan, niat, tujuan: *~ teman makan anak-beranak lepaslah;*  
**menjangka** mengharapkan: *dia mencuba menenangkan fikirannya itu dgn berbagai-bagai alasan yg dijangka dapat memujuk hatinya.*

**jangkah** langkah: *~nya panjang;*

**menjangkah** melangkah;

**jangkahan** gerakan kaki ketika menjangkah, langkahan: *dia mencepatkan ~nya utk sampai ke Sri Tanjung.*

**jangkak** sj tumbuhan (pokok), jangkang betina, *Xylopi ferruginea.*

**jangkang I = terjangkang** berjalan dgn kaki terbuka luas, terkangkang, terkangkang: *perempuan itu jatuh ~;*

**menjangkang 1.** berjalan dgn kaki terbuka luas, melangkah lebar-lebar; **2.** bp mati dgn kaki terkangkang.

**jangkang II** = *~ betina = ~ merah = ~ paya* sj tumbuhan (pokok), jangkak, *Xylopi ferruginea;* *~ paya* sj tumbuhan (pokok), bunga campa paya, merabung bukit, *Vernonia javanica.*

**jangkap** Jw ark genap, lengkap.

**jangkar I** akar yg bercabang-cabang di atas tanah (spt akar pandan, bakau, dll); *bakau ~ sj pokok bakau, Rhizophora mucronata.*

**jangkar II** sauh.

**jangkarit** alat utk melukis bulatan yg besar.

**jangkat I 1.** bahagian yg cetek (di sungai) tempat orang menyeberang (memandikan kerbau, dll); **2.** cetek, dangkal: *sungai-sungai ini sudah menjadi cetek atau ~ hingga setiap kali turun hujan lebat airnya melimpahi tebing.*

**jangkat II** sj bakul.

**jangkau; menjangkau 1.** menghulurkan tangan utk mencapai sesuatu:

*dia ~ wang itu lalu memasukkannya ke dlm kocek; ~ langit* sangat tinggi (bangunan, menara, dll); **2.** ki mencapai, mencakupi; *~ sehabis tangan* prb berusaha dgn bersungguh-sungguh (utk mencapai maksudnya);

**terjangkau 1.** tercapai atau dapat (apabila dijangkau); **2.** tertafsir: *dia cuba mencapai kebahagiaan yg ketinggiannya tidak ~ oleh pemahaman;*

**jangkauan 1.** hasil atau gerakan menjangkau: *ia mengelakkan beg suratnya drpd ~ orang itu;* **2.** cakupan: *~ Islam tidak terbatas kpd alam kebendaan sahaja;*

**penjangkauan** perbuatan menjangkau;

**sejangkauan, sepenjangkauan** sejauh dapat dijangkau dgn tangan, jengkau, jingkau.

**jangkerik** sj serangga (spt belalang), cengkerik, keridik.

**jangkih I;** *~-mangkih* tidak teratur, tidak keruan, jongkang-jangking.

**jangkih II 1.** tali yg digunakan utk menggalas ambung; **2.** sj keranjang, ambung;

**menjangkih** menggalas (menyandang) dgn ambung.

**jangkir** jari (kuku) burung dll yg letaknya di sebelah belakang.

**jangkit; berjangkit, menjangkit 1.** berpindah drpd seorang kpd seorang, menular, merebak: *penyakit itu telah ~ ke kampung ini;* **2.** mengikut (tabiat, perangai, dll): *tabiat itu telah ~ kpd anaknya;*

**berjangkitan** dijangkiti (penyakit, perangai, dll);

**keberjangkitan** perihal berjangkit;

**menjangkiti** menulari, merebak kpd: *kami tidak mahu membiarkan kerja-kerja maksiat berlanjutan dan ~ orang ramai;*

**menjangkitkan** menularkan, merebakkan: ~ *penyakit dgn jalan menyuntik*;

**terjangkit** dihinggapi penyakit dsb, dijangkiti, kejangkitan: *umbai yg ~ oleh kuman umpamanya, boleh menimbulkan suatu keadaan yg diketahui sbg radang umbai*;

**jangkitan** kejadian (penyakit dsb) berjangkit;

**kejangkitan** dihinggapi penyakit (yg berjangkit), ketularan: *dia takut ~ penyakit itu kalau bergaul dgn mereka yg berpenyakit*;

**penjangkitan** perihal (perbuatan, proses, dsb) menjangkit: ~ *penyakit itu tidak berhasil; sudah cukup utk menyebabkan ~ yg parah hingga boleh merugikan petani*;

**perjangkitan** perihal berjangkit;

**penjangkit** yg menyebabkan berlakunya jangkitan, yg menyebabkan penjangkitan: *nyamuk-nyamuk ~ penyakit ini mempunyai tempat biak yg tersendiri*.

**jangkung 1.** sj burung yg berkaki panjang; **2.** tinggi dan kurus serta bongkok sedikit (badan orang);

**jangkungan** dua batang kayu (tongkat) yg bertakuk atau mempunyai tempat letak kaki sbg tempat berdiri (permainan kanak-kanak supaya menjadi tinggi).

**jangla** suka merayau, liar.

**janguk** Kl cantik, kacak, lawa;

**berjanguk** berhias, bersolek.

**janik** sj binatang laut spt teripang, kulitnya berduri-duri, babi laut.

**janin** (yg masih dlm kandungan) lembaga, mudghah (manusia) yg cukup sifat.

**janjang** Mn tangga;



**berjanjang** 1. bertangga; 2. melalui tangga (naik atau turun); ~ *naik, bertangga turun* prb menurut darjatnya masing-masing, menurut peraturan yg biasa.

**janji** 1. pernyataan kesediaan utk berbuat atau memberi sesuatu: *engkau mesti menepati ~ yg kau buat dahulu; dlm ~ bertunangan; menepati ~ membuat (menunaikan) apa yg telah dijanjikan; mengikat ~ membuat janji; pecah ~ tidak dapat menepati janji, memungkiri janji; sampai ~ dapat menepati (menunaikan) janji*; 2. syarat, ketentuan, tuntutan; *dgn ~ dgn syarat*; 3. pengunduran waktu, tangguh, penundaan: *kalau awak tidak berkeberatan, saya meminta ~ empat bulan utk membayar hutang awak itu*; 4. ajal, had, waktu; *sudah sampai ~nya* sudah sampai ajalnya, mati; ~ *kosong* janji yg dibuat tetapi tidak pernah ditunaikan; ~ *manis* janji yg mengandung harapan yg indah-indah; ~ *palsu* janji yg hanya bertujuan utk memperdayakan, mengelirukan atau menipu orang; ~ *temu* janji utk bertemu dgn seseorang pd masa dan di tempat yg telah ditetapkan kerana sesuatu urusan dsb; ~ *sampai bilangan genap* = ~ *sampai sukatan penuh* prb sudah sampai ajal; *adat diisi, ~ dilabuh* prb mengerjakan sesuatu hendaklah menurut apa yg telah dibiasakan (diadakan); **berjanji** membuat (mengikat) janji: *dia ~ akan datang ke rumah saya*;

**menjanjikan** 1. berjanji utk memberi (membuat dsb) sesuatu: *bapanya ~ satu hadiah istimewa jika dia lulus dlm peperiksaan itu*; 2. memberikan jangkaan atau harapan akan berlakunya (terdapatnya dsb) sesuatu, membuka kemungkinan kpd: *jambatan yg merentangi Sungai Sarawak ~ pembangunan yg lebih pesat; Revolusi Hijau ~ harapan kpd petani*;

**memperjanjikan** ark menjanjikan;

**perjanjian 1.** persetujuan yg dibuat antara dua pihak atau lebih, permuafakatan: *Malaysia telah menandatangani satu ~ perdagangan dgn Korea Selatan; ~ jual beli; ~ program* persetujuan bertulis antara dua pihak (biasanya pihak pelaksana aktiviti dsb dgn pihak yg mempunyai kuasa utk meluluskan kewangan) bagi melaksanakan sesuatu aktiviti (program dsb) mengikut jumlah peruntukan yg diluluskan; **2.** Id wasiat (kitab suci); *Kitab P~ Lama* Kitab Taurat; *Kitab P~ Baru* Kitab Injil.

**janka** sj tumbuhan (pokok renek), manik-manik hutan, telinga rusa, *Lasianthus maingayi*.

**jannah, jannat** Ar syurga, taman firdaus.

**jannatunnaim** Ar syurga yg nikmat.

**jantan 1.** jantina yg tidak boleh membiak (beranak) (utk binatang, tumbuhan-tumbuhan, dll): *ayam ~; betik ~ betik* yg hanya berbunga tetapi tidak berbuah; **2.** ki (orang yg) berani, gagah: *siapa yg ~ antara kamu, datanglah ke hadapan;* **3.** ki mempunyai sifat laki-laki (besar, panjang, dsb); *busut ~ busut* yg besar serta lancip; *embun ~ embun* yg titiknya besar (kasar); **4.** bahagian alat atau perkakas yg direka bentuk utk dimasukkan ke dlm lubang atau soket (bahagian betina); *kasau ~ kasau* yg letaknya di sebelah atas; *pahat ~ pahat* yg lancip tajam; **5.** bp lelaki yg dianggap kaki perempuan serta rendah akhlaknya;

**berjantan** ki bersetubuh (bagi orang perempuan), bersetubuh dgn orang laki-laki;

**menjantani** melakukan persetubuhan (bkn binatang);

**kejantanan** perihal jantan: *tengkorak mangsa ngayau menjadi lambang keberanian dan ~ suku bangsa itu;*

**kejantan-jantanan** seakan-akan jantan, spt jantan: *kecantikannya memukau semua orang, tetapi keletah ~nya itu mengurangi keayuannya.*

**jantang I; berjantang, menjantang** jelas kelihatan (bkn urat dll), lantang.

**jantang II;** ark *kaki* ~ kaki bengkok (bkn kaki kuda).

**jantayu → jentayu**

**jantina** jenis kelamin (laki-laki atau perempuan); *dua* ~ dua jenis kelamin, pondan;

**sejantina 1.** (bagi tumbuh-tumbuhan) bunga jantan dan bunga betina terdapat pd pokok yg berasingan; **2.** (bagi binatang) benih jantan dan benih betina yg dihasilkan oleh jenisnya masing-masing;

**kejantinaan** keadaan jantina (sama ada laki-laki atau perempuan), jenis kelamin: *meminda perlembagaan utk menghapuskan beza-membeza yg berdasarkan ~.*

**jantung I 1.** organ berotot yg mengepam darah ke seluruh badan; *debar* ~ gerakan jantung; **2.** benda yg berbentuk spt jantung; ~ *betis* daging yg terdapat pd betis, buah betis, anjing-anjing; ~ *hati* a) orang yg sangat dikasihi; b) hati (pusat segala perasaan); ~ *paha* daging yg terdapat pd paha; ~ *pisang* kuntum bunga pisang; ~ *tangan* daging yg terdapat pd tangan.

**jantung II;** ~ *badak* sj tumbuhan (pokok), jelutung badak, *Ervatamia hirta*;

**jantur I** Jw ilmu sihir, sulap;

**menjantur** membuat sihir, menyihir, menyulap;

**terjantur** terkena sihir, tersihir, tersulap.

**jantur II; janturan** cerita (penjelasan) yg dilafazkan oleh dalang (dlm permainan wayang kulit).

**Januari** bulan pertama dlm tahun Masihi yg mengandung 31 hari.

**janubi** Ar; *kutub* ~ kutub selatan.

**janur** Jw daun kelapa muda.

**jap I** ark sempurna (cukup), rapat (anyaman dll), sudah menjadi satu, sudah sepakat.

**jap II** bp menyuntik atau mencucuk jarum yg mengandung dadah ke dlm tubuh.

**japuk, japu** Jk sj ikan kecil, *Osmerus eperlanus*.

**jara 1.** bor, gerudi; **2.** alat utk membersihkan kapas, busar;

**menjara 1.** membuat lubang dgn jara, menggerak; **2.** membersihkan kapas (dgn jara), membusar;

**penjaraan 1.** perbuatan (kerja, proses) menjara, penggerakan; **2.** perbuatan (kerja, proses) menjara (membusar), pembusaran.

**jarab** Ar sj kudis.

**jarah I** barang dll yg dirampas; *duduk meraut ranjau, berdiri mengintai* ~ prb dlm setiap pekerjaan harus diingati faedah akan diri sendiri;

**menjarah** merampas milik orang lain (dlm perang dll); *~-rayah* merampas, merompak, menyamun;

**jarah** jahrah, rampasan; *anak* ~ anak rampasan;

**penjarah** perbuatan menjarah;

**penjarah 1.** orang yg merampas; **2.** suka merampas: *tiada dinafikan ada juga bangsa ~ di situ*.

**jarah II; berjarah** Sr bersalam dgn orang tua-tua (dgn cara mencium tangan dan kepala lutut pd masa perkahwinan).

**jaraih;** ~ *lau* Kd bekas (bakul anyaman) utk mengisi padi.

**jarak I 1.** jauh atau ruang (renggang) antara dua tempat, benda, dsb: *kampung itu kira-kira sekilometer ~nya dr bandar*; **2.** ark jari-jari bulatan;

~ *dekat* meliputi jarak yg dekat; ~ *padang* jarak yg diperlukan oleh pesawat udara utk berlepas dan mendarat dgn selamat di landasan; ~ *pandang* = ~ *pelihatan* ukuran yg digunakan utk menentukan jarak yg membolehkan seseorang yg normal pelihatannya melihat sesuatu objek dgn jelas; ~ *tumpuan kanta (cermin)* jarak di antara pusat kanta (cermin) dgn tumpuan; ~ *umur* perbezaan umur; ~ *serasa hilang, bercerai serasa mati* prb sanak saudara itu kalau berdekatan saling berbantah, kalau berjauhan mereka berkasih-kasihan;

**berjarak 1.** mempunyai jarak, berjauh, berenggang: *rumah-rumah itu ~ sekurang-kurangnya 20 meter di antara satu dgn lain*; **2.** terpisah, menjauhi;

**menjarak** bergerak (jauh) drpd yg satu lagi, menjauh, terpisah: *kalau prisma diisi dgn dua sulfida maka perasingan cahaya-cahaya berwarna akan lebih ~*;

**menjaraki 1.** membuat berjarak; **2.** menjauhi;

**menjarakkan** menjauhkan, memisahkan, merenggangkan: *dr satu hari ke satu hari, Lora makin ~ diri drpd Norman*;

**terjarak** terjauh dr, terpisah dr, terenggang dr;

**penjarakan** perbuatan menjarakkan, penjauhan, pemisahan, perenggangan.

**jarak II 1.** sj tumbuhan (pokok renek, buahnya dibuat minyak), *Ricinus communis*; *minyak* ~ a) minyak yg dibuat drpd buah jarak pagar (biasanya utk pelita dsb); b) = ~ *benggala* minyak utk mencuci perut; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), *Jatropha spp.*; ~ *belanda (keling, melaka, pagar putih)* sj tumbuhan (pokok renek), *Jatropha curcas*; ~ *cina* sj tumbuhan (pokok renek), *Jatropha multifida*.

**jaram** = **penjaram**, **jaraman** benda (air daun-daun kayu dll) yg digunakan utk menyejukkan kepala (apabila demam atau sakit kepala);

**menjaram** menyejukkan kepala dgn air daun-daun kayu dll.

**jaran I** Jw kuda.

**jaran II**; ~ *goyang* sl sj jampi (mantera).

**jaran III**; *pohon* ~ Jw sj tumbuhan (pokok yg daunnya digunakan utk makanan kambing).

**jarang I 1.** tidak rapat, renggang, bersela-sela, tidak kedap (tenunannya dll): *gigi* ~; *kain* yg ~; **2.** tidak lebat, tidak padat: *rambut* yg ~; **3.** = **jarang-jarang** tidak sering, tidak kerap, tidak selalu, tidak lazim; ~ *berlaku* tidak sering berlaku; ~ *dapat* tidak selalu dapat; *dia* ~ *datang* dia tidak sering datang; ~ *dipakai* tidak lazim dipakai;

**menjarangkan 1.** = **memperjarang** membuat supaya jarang (renggang dll); **2.** menjadikan (mengusahakan supaya) tidak kerap atau tidak rapat masanya berlaku sesuatu: ~ *kelahiran anak*;

**penjarangan 1.** perihal (perbuatan dsb) menjadikan renggang atau bersela-sela; **2.** perihal (perbuatan dsb) menjadikan tidak kerap (tidak selalu).

**jarang II**; *ikan gigi* ~ sj ikan laut, *Otolithus spp.*

**jarang III** Mn; **menjarang** memasak air; → □ **jerang**.

**jarang-jarang**; *daun* ~ sj tumbuhan (herba), bayam rusa, *menjarang*, *Cyathula prostrata*.

**jaras I** berkas, ikat, kebat (benda-benda yg panjang);

**menjaras 1.** mengikat menjadi segabung (seikat, seberkas); **2.** mengatur serta menyusun baik-baik (rambut dll).

**jaras II** sj bakul yg dianyam jarang-jarang (utk membawa buah-buahan dll); ~ *dikatakan raga jarang* prb orang yg mencela orang lain padahal diri sendiri ada celanya juga.

**jarem** Jk masih terasa sakit (pd bekas dipukul, bekas luka, dll).

**jargon** bahasa khusus yg digunakan dlm bidang tertentu: *perdebatan dgn ~ yg aneh-aneh yg menjadikan rakyat kebanyakan berasa semakin jahil; ~ politik.*

**jari I 1.** hujung tangan atau kaki yg beruas: *dua drpd ~ tangan kanannya telah putus; anak ~ a) salah satu drpd lima jari; b) = ~ anak jari kelengkeng; ibu ~ = ~ ibu jari yg terbesar, jempol; 2.* sukatan panjang (lebar) yg besarnya seluas atau sepanjang jari: *jaraknya mestilah lebih kurang se~; 3.* benda (atau bahagiannya) yg mempunyai rupa spt jari;

*~ ampai sj cemeti drpd rotan dll utk memukul orang salah; ~ hantu (malang, mati, panjang, tengah) jari tangan yg terpanjang (letaknya di antara telunjuk dan jari manis); ~ kelengkeng = ~ anak (renek) ark jari tangan yg terkecil; ~ kunyit Kl jari kaki atau jari tangan yg berlapis-lapis kerana penyakit kudis dll; ~ lipan tali drpd daun kelapa muda yg dianyam (utk perhiasan dll); ~ manis jari tangan yg letaknya di antara jari kelengkeng dgn jari hantu; ~ telunjuk (syahadata ark) jari di antara ibu jari dgn jari hantu; ~ laksana duri landak ki jari yg cantik; ~ spt susun sirih ki jari yg lentik; dapat dibilang (dihitung) dgn ~ sangat sedikit; menggigit ~ kecewa;*

**penjarian** (Muz) teknik menggunakan jari dlm bermain alat muzik, khususnya alat tiup, alat tali dan papan nada.

**jari II;** *~ ayam sj tumbuhan (pokok) yg sederhana besarnya), jangkang betina, *Xylophia ferruginea*; ~ buaya sj tumbuhan (herba yg memanjat, *Trichosanthes wallichana*; ~ lipan sj tumbuhan (herba), beremi (hutan), kerak-kerak, *Limnophila aromatica*.*

**jari III;** *~ lima sj binatang laut (spt bintang berpenjuru lima).*

**jariah I** Ar hamba perempuan.

**jarah** II Ar; *amal* ~ amalan baik yg memberi manfaat kpd pelakunya hingga ke akhirat.

**jariamun** (Sumatera) sj tumbuhan (herba laut), deringan (jerangan, jeringan) laut, *Enhalus acoroides*.

**jari-jari** **1.** kisi-kisi (jerjak) pd pintu atau jendela; **2.** besi (kayu) yg menghubungkan pusat dgn lingkaran; **3.** jejari.

**jariji** ark jari.

**jaring** benang dll yg disirat utk sesuatu tujuan (spt menangkap ikan, burung, dsb, juga digunakan dlm permainan dll); *menahan (merentang)* ~ memasang jaring;

**jaring-jaring** jala-jala; ~ *bahu* Id bahagian dada di bawah bahu;

**menjaring** menangkap (ikan dll) dgn jaring: *dia* ~ *ikan di sungai itu*; ~ *angin* prb melakukan pekerjaan yg sia-sia;

**menjaringkan** memasukkan sesuatu ke dlm jaring: *dia telah dapat* ~ *empat gol*;

**terjaring** termasuk (dlm) jaring, termasuk perangkap, tertangkap;

**jaringan** **1.** sesuatu yg menyerupai jaring, jala-jala; **2.** Id bahagian-bahagian hidupan yg terdiri drpd sel-sel yg serupa (tela); *ilmu* ~ *tubuh* ilmu bkn jaringan; **3.** bilangan gol yg telah masuk (dlm) jaring;

**penjaringan** perbuatan menjaringkan;

**penjaring** orang yg menjaringkan sesuatu (bola dsb): ~ *terbanyak*.

**JARING** akronim bagi *Joint Advanced Research Integrated Networking* (iaitu sistem perangkaian komputer yg dikendalikan oleh MIMOS).

**jaro** Jk buluh (yg dilubangi) utk tiang pagar; *pagar* ~ pagar drpd buluh yg dipancang-pancang.

**jaru** → **jaharu**.



**jarum I** **1.** keluli halus yg tajam hujungnya dan pangkalnya berlubang (tempat memasukkan benang) utk menjahit dll; *seni* ~ kepandaian mempergunakan jarum dan benang (utk menjahit dll); **2.** benda tajam dan panjang yg menyerupai jarum jahit (utk mencucuk, menyuntik, menunjuk waktu pd jam): *dokter itu menyuntik dgn ~ kasar; ~ jam menunjukkan pukul tujuh*; **3.** ki tipu muslihat yg halus: *Presiden Nasser pula memainkan ~nya mengenai pengiriman senjata-senjata oleh Jerman Barat kpd Israel;*  
~ *biku* jarum peniti; ~ *guni (karung)* jarum kasar utk menjahit guni (karung); ~ *jahit* jarum utk menjahit; ~ *kait* jarum yg berkait (utk membuat renda dll); ~ *layar* jarum besar utk menjahit layar; ~ *panjang* jarum yg menunjukkan menit; ~ *pendek* jarum yg menunjukkan jam; ~ *peniti* = ~ *penyemat* jarum utk menyemat baju dll; ~ *tisik* jarum utk menisik;  
~ *halus kelindan sutera* prb tipu muslihat yg sangat halus; *bagai tuntung ~ dilaga* prb tidak tetap (lekas berubah, rusak, dll); *lulus ~, lulus kelindan* prb kalau kehendak pertama itu tercapai, kehendak-kehendak lain akan menurut; *mengadu hujung ~* prb melakukan sesuatu pekerjaan yg sangat sulit; *mengenakan (memasukkan, menjalankan) ~ halusnya* prb melakukan tipu daya secara halus utk mencapai sesuatu maksud;

**jarum-jarum** jarum penunjuk pd alat timbang;

**berjarum** **1.** ada memakai jarum; **2.** Id sedang disuntik;

**menjarum** **1.** mencucuk (membuat lubang, menyemat) dgn jarum; **2.** Id menyuntik; **3.** sesuatu yg menyerupai jarum (spt rumput, padi, rambut);

**menjarumi** ki meresap masuk ke dlm, menusuk: *yg dapat saya lakukan hanyalah merenung surat-surat yg tidak sempurna itu dan cuba mengusir kesedihan yg mulai ~ perasaan;*

**terjarum 1.** tersemat, tercucuk; **2.** tertipu (dgn cara halus);

**jaruman 1.** jahitan; **2.** tipu daya yg sangat halus; **3.** = **penjaruman** barua, muncikari.

**jarum II;** ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), kayu tajam, segading jantan, meroyan, *Ixora grandifolia*; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok renek), mata pelanduk, kepayang air, *Ixora arguta*; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok), jarum-jarum, gading-gading, *Pavetta indica*; *rumpun* ~ sj rumput yg buahnya tajam-tajam.

**jarum-jarum = jejarum** ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), jejarum merah, menjarum merah, siantan hutan, *Ixora concinna*.

**jarwa** Jw ark terjemahan ke dlm bahasa Jawa Baru drpd bahasa Jawa Kuno (Kawi).

**jas** IB = *baju* ~ baju yg digunting mengikut potongan Eropah; jenis-jenisnya: ~ *buka*; ~ *hujan*; ~ *tutup*.

**JAS** kep Jabatan Alam Sekitar.

**jasa** pekerjaan baik (kpd negara, raja, orang, dll), bakti: ~*nya terhadap nusa dan bangsa akan tetap tinggal dlm kenangan kita semua*; *berbuat* ~ melakukan kebaikan (kpd negara, orang, dll), berbakti; *wang* ~ Id a) hadiah, bonus, pencen; b) sewa, bunga (wang); c) upah; ~ *baik* pengaruh (kerana kedudukan dlm masyarakat dll) yg digunakan utk menyelesaikan sesuatu perkara;

**berjasa 1.** berbuat kebaikan (kpd negara dll), berbakti; **2.** berhasil, berfaedah, berharga;

**menjasai** ark menghargai;

**keberjasaan** perihal berjasa: ~ *seseorang tokoh*.

**jasad 1.** tubuh atau badan (manusia) yg wujud (sbg lawan roh): *hanya ~nya di sini, tetapi fikirannya melayang teringatkan anak isterinya di kampung*; **2.** Ar tubuh atau badan yg tidak bernyawa lagi: ~*nya terbujur di perbaringan*; **3.** (Fiz) sesuatu yg wujud yg

boleh dipegang atau dilihat: *meteoroid ialah ~ kecil di angkasa lepas;*

*~ hitam* (Fiz) objek hipotetikal yg dapat menyerap semua haba atau sinaran cahaya yg mengenainya; *~ renik* ark benda hidup yg kecil-kecil; *~ samawi* objek di langit di sebelah luar lapisan atmosfera bumi, iaitu matahari, bulan, bintang, planet dan satelit masing-masing, meteor, komet, nebula dan galaksi luar yg dapat dicerap.

**jasadi** Ar mempunyai sifat jasad, perihal jasad.

**jasmani** Ar **1.** badan, tubuh; **2.** bkn badan (tubuh) atau benda (lwn rohani); *pendidikan rohani dan ~ pendidikan batin dan badan;*

**kejasmanian** perihal jasmani, yg berkaitan dgn tubuh badan atau benda, kebendaan: *pembentukan aspek kerohanian bukan sahaja akan mengimbangi perkembangan ~ dan kebendaan, tetapi juga akan menyekat keruntuhan akhlak dan moral.*

**jasmaniah** Ar kejasmanian: *walaupun secara ~ manusia itu terikat, namun secara rohaniah ia bebas.*

**jasper** sj kuarza legap yg berwarna merah, hijau tua, coklat atau kuning.

**jata** lambang kebesaran negeri atau negara: *~ kebesaran negeri Terengganu.*

**jatah** Id jumlah yg diperuntukkan bagi sesuatu maksud (spt barang yg harus dikirim ke suatu tempat, orang yg boleh naik haji pd tahun tertentu, dll).

**jati I** = **sejati** asli, murni, tulen, tidak bercampur, yg sebenarnya: *Encik Hasan ini bukan ~ Johor, dia kacukan Kelantan dan Melaka; Hamidah seorang wanita ~;*

**kejatian, kesejatian** perihal jati (asli, benar, murni, dll): *bahasa ini diperbahasakan orang dgn ~nya yg sempurna dlm negeri*

*Kedah; Carl Rogers mentafsirkan ~ sbg ciri-ciri yg mengandungi kenyataan jujur ataupun asli;*

**penjatian** perihal menganggap jati (asli, benar, murni, dll);

*~ awak, kepantasan orang prb perihal orang yg mempunyai pendapat yg bertentangan dgn pendapat orang ramai; ~ bulan, padi rebah prb sesuatu yg selalu dicita-citakan.*

**jati II** sj tumbuhan (pokok) yg kayunya baik utk dibuat perkakas rumah dll, *Tectona grandis*; *hutan* ~ hutan yg terdiri drpd pokok jati; *~ bukit* sj tumbuhan (pokok), kayu cina, *Podocarpus neriifolius*; *~ laut* sj tumbuhan (pokok), se(n)tada, *Podocarpus polystachyus*.

**jati diri** sifat atau ciri yg unik dan istimewa (dr segi adat, bahasa, budaya, agama dsb) yg menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dsb, identiti: *pembinaan negara Malaysia lebih berteraskan kekuatan ~ bangsa dan semangat patriotik yg utuh; pengisian program kebudayaan ini penting bagi membentuk sahsiah dan ~ belia masa ini.*

**jatik**; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), cematung merah, medang manik, *Elacocarpus jackianus*.

**jatuh 1.** turun ke bawah dgn cepat (bkn buah, daun, rambut, dll), gugur, luruh: *buku itu ~ dr tangannya; ~ terduduk (terhentak, tersungkur, tertiarap); pandai* ~ dapat mengelakkan celaan (kritikan dll); **2.** menjadi kurang (bkn harga, nilai, dll), turun, merosot: *nilai mata wang negeri itu semakin ~*; **3.** terbenam (bkn matahari): *di sebelah matahari ~*; **4.** berbetulan dgn, bersamaan dgn, bertepatan dgn, tepat pd: *perkahwinannya ~ pd 6 Ogos*; **5.** (bkn kerajaan, kabinet, dll), bubar, berhenti melakukan tugas, ditiadakan, tumbang, tidak berhasil (lulus): *kerajaan itu ~ kerana undi tidak percaya*; **6.** bankrap, muflis: *perusahaannya ~ kerana tidak cukup modal*; **7.** tidak berhasil, tidak lulus: *anaknyanya ~ dlm peperiksaan tahun ini*;

**8.** tidak dapat dipertahankan (dirampas musuh): *bandar itu telah ~ ke tangan musuh*; **9.** sampai (di), tiba (di): *hendak pergi ke Kedah ~ di Kelantan*; **10.** menjadi (miskin, sakit, dll);

*~ air muka* menjadi malu; *~ bangun* a) rebah dan bangun lagi; b) ki maju mundur (dlm kehidupan dll); *~ bebas* (Fiz) gerakan suatu jasad yg dipengaruhi oleh graviti sahaja, iaitu tidak ada daya lain yg bertindak; *~ cinta* = *~ hati* = *~ kasih* menaruh cinta (kasih) pd; *~ colok* menjadi miskin, hilang kemegahan; *~ hati* a) menaruh kasih (cinta) pd seseorang; b) menaruh belas kasihan pd seseorang dll; *~ ke atas* memperoleh keuntungan (naik pangkat dll); *~ ke bawah* ki turun pangkat dll; *~ ke tangan (musuh dll)* menjadi milik (musuh dll); *~ ke tilam (di atas tilam, ke kasur, di atas kasur)* a) memperoleh kesenangan (kekayaan dll); b) walaupun mendapat kesulitan dll tetapi tetap senang; *~ melarat* menjadi melarat; *~ merek* Id mendapat nama buruk (nama merosot); *~ miskin* menjadi miskin; *~ nama* mendapat nama buruk; *~ pengsan* menjadi pengsan; *~ sakit* kena penyakit; *~ talak* sampai (berlaku) talak; *~ tempoh* sudah lewat tempohnya (waktunya);

*~ (tidak) berkait (berjolak)* prb memperoleh sesuatu dgn sebab (tidak) diminta (diharapkan); *biar ~ terletak, jangan ~ terhempas (terhentak)* prb berhenti bekerja dgn kemahuan sendiri adalah lebih baik drpd dipecat; *busuk berbau, ~ berdebuk* prb kalau melakukan kesalahan (perkara-perkara yg tidak baik) akhirnya diketahui orang juga; *sudah ~ ditimpa tangga* prb kesusahan yg datang berturut-turut;

**berjatuh** Id memberi sumbangan (derma dll);

**dijatuhi** dikenakan, menjalani: *mereka yg melakukan kesalahan tersebut akan ~ hukuman menjadi hamba*;

**menjatuhi** jatuh mengenai sesuatu: *jangan melepaskan kayu itu, nanti ~ tanaman;*

**menjatuhkan** **1.** melemparkan ke bawah, menggugurkan: *dgn sengaja dijatuhkannya benda dlm tangannya itu;* **2.** menurunkan (nilai, harga, dll), memerosotkan: *musuh-musuh kita senantiasa cuba ~ nama baik kita;* **3.** menggagalkan, membubarkan, menumbangkan: *parti-parti pembangkang mencuba ~ kerajaan dgn undian tidak percaya;* **4.** menyebabkan (miskin, melarat, dll); **5.** mengenakan: *hakim telah ~ hukuman penjara atas pesalah itu; ia memang tidak segan-segan ~ hukuman kpd penyokong-penyokong komunis;*

*~ denda* mengenakan denda; *~ hukum* memberi keputusan terhadap sesuatu perkara; *~ maruah* menghina, memberi malu; *~ talak* menceraikan (isteri); *~ tangan kpd* menghukum, menangani;

**terjatuh** jatuh dgn tiba-tiba (tidak sengaja);

*~ dihimpit jenjang* prb berturut-turut mendapat kesusahan;

**kejatuhan** **1.** perihal jatuh, jatuhnya: *~ kerajaan yg dipimpin oleh PM yg tua itu telah lama diduga;* **2.** terkena (tertimpa) sesuatu yg jatuh; *~ bulan* ki mendapat kebahagiaan (kesenangan).

**jauh** **1.** besar jaraknya, tidak dekat: *rumahnya agak ~ dr kedai itu; ~ perjalanan, luas pemandangan, banyak pengalaman;* **2.** tempat yg besar jaraknya (dr tempat tertentu), tempat yg tidak dekat: *mereka datang dr ~ dan dekat;* **3.** jarak, antara: *berapa ~ lagi pergi ke Siam dr Alor Star?* **4.** amat sangat, terlampau sangat: *harga kain ~ lebih murah di Pulau Pinang drpd di sini;*

*~ drpd* amat sangat tidak; *~ drpd cukup* sangat tidak mencukupi; *~ drpd memuaskan* sama sekali tidak memuaskan; *~ malam larut* malam; *~ menyayup* Kd terlalu jauh; *~ pemandangan* luas

pemandangan, dalam pengetahuan; *lebih ~ selanjutnya*, seterusnya;

*~ bau bunga, dekat bau tahi* prb kalau jauh (kaum keluarga dll) berkasih-kasihan, tetapi kalau berdekatan mereka saling berbantahan; *~ berjalan banyak pemandangan, lama hidup banyak dirasa* prb orang yg banyak mengembara dan lama hidup itu tentu sekali banyak pengalamannya dan luas pemandangannya; *~ menyalak kuat, dekat mencawat ekor* prb orang yg berani bercakap besar di belakang sahaja; *~ panggang dr api* prb jawapan atau sindiran yg tidak tepat; *nan ~ tiada terjelang, nan dekat tak tertandangi* prb tidak mengunjungi keluarga (sahabat) yg jauh mahupun dekat (kerana sudah tua, banyak pekerjaan, dll); *telah ~ maka dipanggil* prb telah terlambat;

**sejauh** jauhnya, jaraknya: *ia berjalan kaki ~ dua batu*; *~ mana had mana, hingga mana*; *~jauh* hingga jauhnya; *~ mata memandang* dlm jarak yg dapat dipandang oleh mata;

**jauh-jauh** sejauh mungkin, jauh sekali: *pergilah ~ agar tiada sesiapa pun boleh mengganggumu*;

**berjauh** berada jauh, merenggang: *orang yg berpencak itu mula-mula ~, makin lama makin berdekata*; *~ hati* a) kecil hati, hiba hati; b) segan-segan;

**berjauhan** jauh antara satu sama lain, tidak berdekatan: *rumah mereka tidak ~ antara satu sama lain*;

**berjauh-jauhan** 1. jauh letaknya (antara satu sama lain), tidak berhampiran: *kapal-kapal layar menjalankan perniagaan antara dua buah negeri yg ~*; 2. saling berjauh, saling menghindari: *mereka kelihatan ~*; 3. berebut-rebut siapa yg lebih jauh;

**menjauh** (semakin) menjadi jauh, menghindar (agar jauh);

**menjauhi** menjauhkan diri drpd, menghindari: *orang kampung berdoa supaya dijauhi drpd mara bahaya;*

**menjauhkan 1.** menjadikan jauh, merenggangkan, menjarangkan, menjarakkan: *berus gigi yg hendak dimasukkan ke dlm mulutnya itu dijauhkannya semula;* **2.** menghindarkan, menyingkirkan; ~ *bencana* menghindarkan bencana; ~ *diri* menyingkirkan (menyisihkan) diri;

**kejauhan 1.** = **jauhan** tempat (jarak) yg jauh: *ombak memecah di ~ dan angin riuh menyapu puncak gunung;* **2.** terlalu jauh.

**jauhar** Ar **1.** sl permata, intan; **2.** ark mani, benih manusia.

**jauhari** Ar **1.** sl tukang (saudagar) permata; **2.** cerdik pandai, ahli;  
~ *juga yg mengenal manikam* prb hanya orang yg bijak sahaja yg mengetahui tentang keelokan ilmu.

**jaundis** (Ubat) penyakit yg menyebabkan kekuningan pd kulit dan mata putih akibat meningkatnya pigmen hempedu di dlm darah.

**jaur; berjaur** Sr pergi ke mana-mana tanpa arah tujuan: *ibu selalu memarahi kakak kerana suka ~ dr pagi hingga ke petang.*

**jawa I;** *gula* ~ gula kelapa; *tembakau* ~ sj tembakau dr Jawa.

**jawa II;** *asam* ~ sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Tamarindus indica*.

**jawa III;** *burung* ~ sj burung, *Aceros plicatus subruficollis*.

**jawa IV** Kl antara mahu dgn tidak.

**Jawa V 1.** peribumi atau penduduk asli Pulau Jawa, Indonesia; **2.** orang yg mempunyai darah keturunan peribumi dr Pulau Jawa;

**kejawaan** hal (ciri atau sifat) yg berkaitan dgn atau memperlihatkan keperibadian orang Jawa: *suatu kelompok masyarakat yg masih kental ~nya.*

**jawab** balasan yg diucapkan apabila dipanggil (disoal dsb), sahut; *soal* ~ pertanyaan dan jawaban mengenai sesuatu atau berbagai-bagai perkara (biasanya disiarkan dlm akhbar, majalah, dsb);



**berjawab** ada jawabnya, berbalas, disahuti: *pertanyaannya masih belum ~ lagi;*

**menjawab** membalas (surat, pertanyaan, dll), menyahuti: *dia tidak ~ sepatah pun;*

**terjawab** dapat dijawab; *tidak ~* tidak dapat dijawab, tidak dapat diberikan jawabannya atau penjelasannya;

**jawaban, jawapan** 1. jawab, balas(an): *sebahagian drpd ~nya dapat kamu teka;* 2. sesuatu yg dituliskan sbg penyelesaian atau keputusan terhadap sesuatu soalan atau masalah (terutamanya dlm ujian bertulis): *silalah berikan ~ yg tepat kpd soalan-soalan yg berikut;*

**penjawab** orang yg menjawab: *sepuluh soalan yg meminta ~ mengenal jenis-jenis kata.*

**jawang** sj binatang, biawak pohon; → **jiawang**.

**jawat** jabat, pegang;

**sejawat** 1. sejabatan; *rakan ~* kawan sekerja; 2. sama jawatan, sepekerjaan: *Perdana Menteri sedang meraikan rakan ~nya, Perdana Menteri Jepun;*

**berjawat** berjabat, berpegang; ~ *tangan* berjabat tangan, bersalaman;

**menjawat** 1. memegang (tangan dll): ~ *lembing;* ~ *tangan;* 2. menyambut, menerima; ~ *anak yg lahir* menyambut anak yg lahir; 3. menjabat, menerima sesuatu kedudukan atau pelantikan dan menjalankan tugas-tugas yg berkaitan, memegang jawatan: *dia anak Melayu yg mula-mula sekali ~ jawatan pemandu kapal terbang;*

**jawatan** 1. kedudukan dlm pekerjaan yg menentukan tugas seseorang (spt sbg Ketua Pengarah, Pegawai Penyelidik, Setiausaha, Pengerusi, dsb): *dia memegang ~ Ketua Bahagian*

*sejak lima tahun yg lalu; meletakkan ~*; **2.** sl tanda atau alat kebesaran; *payung ~ payung kebesaran*; **3.** sl pegawai istana, bentara, sida-sida: *baginda dihadapi oleh sekalian ~nya*; **4.** Id bahagian sesuatu kementerian dll, jabatan; **5.** Id segala sesuatu yg berhubungan dgn kerajaan, urusan kerajaan; **6.** sl barang yg dipegang (dibawa dll);

*~ tera* Id jawatan metrologi (yg mengurus pengawasan dan pemeriksaan timbangan dll);

**sejawatan** sama jawatan: *rakan ~*;

**berjawatan 1.** memegang (mempunyai) jawatan: *ia sekarang ~ kerani di pejabat pos*; **2.** = *~ tinggi* berpangkat tinggi;

**perjawatan** (segala sesuatu) yg berhubungan dgn jawatan (pelantikan, pemegangan, dsb, jawatan): *Bahagian P~ Jabatan Perkhidmatan Awam*;

**penjawat** sl **1.** penjabat, pemegang jawatan; *~ istana* pekerja (pegawai) dlm istana; **2.** hamba (biasanya wanita) yg melayani di istana.

**jawatankuasa** sekumpulan orang yg dilantik atau dipilih utk melaksanakan atau mengurus tugas-tugas tertentu, panitia;

*~ ad hoc* jawatankuasa khas yg ditubuhkan utk sesuatu tujuan tertentu tanpa perancangan awal; *~ induk* jawatankuasa utama yg dibentuk bagi mengendalikan sesebuah majlis atau aktiviti, biasanya dianggotai oleh pengerusi jawatankuasa kecil; *~ kecil* jawatankuasa yg dibentuk di bawah jawatankuasa induk utk menjalankan tugas tertentu, biasanya jumlah keanggotaannya kecil; *~ pemandu* jawatankuasa yg berfungsi menentukan tertib kegiatan tertentu serta mengawasi arah perjalanannya agar mencapai matlamat yg dikehendaki.

**jawawut** Jw sekoi, *Panicum viride*.

**jawen** (jawén) Id; *Quran* ~ ark terjemahan kitab Quran; → **Jawi II**.

**jawi I** lembu, sapi; *anak* ~ Mn anak laki-laki yg dikasihi;

*bagai* ~ *belang puntung*, *didahulukan ia menyepak*, *dikemudiankan ia menanduk* prb dikiaskan kpd orang bodoh yg tidak dapat dibawa berunding; *bagai* ~ *makan*, *dimamah dahulu baru ditelan* prb sebelum melakukan sesuatu pekerjaan terlebih dahulu ditimbangkan dan dirundingkan; *bagai* ~ *terkurung siang* prb orang yg tidak dapat bertindak sesuka hatinya kerana terkongkong oleh adat.

**Jawi II** Melayu; ~ *pekan (peranakan)* orang yg berketurunan Melayu dan India; *bahasa* ~ bahasa Melayu; *huruf* ~ huruf Arab dgn beberapa huruf tambahan yg digunakan utk menulis dlm bahasa Melayu; *masuk* ~ berkhatan, bersunat; *padi* ~ padi biasa (bukan pulut); *tulisan* ~ tulisan yg menggunakan huruf Jawi;

**menjawikan 1.** menterjemahkan (kitab-kitab drpd bahasa lain) ke dlm bahasa Melayu; **2.** mengalih (mengubah) kpd tulisan Jawi: *rencana* ~ yg ditulis dlm tulisan Rumi;

**penjawian** proses (usaha, perbuatan dsb) mengalih atau mengubah kpd tulisan Jawi: ~ *cerita kanak-kanak yg terdapat dlm tulisan Rumi merupakan suatu usaha yg sangat baik utk memartabatkan tulisan Jawi*.

**JAWI** akronim bagi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

**jawi-jawi** sj tumbuhan (pokok), beringin, kelat sega, *Ficus benjamina*.

**jawil** Jw; **menjawil** mencolek, menggamit, menyentuh dgn jari (supaya mendapat perhatian).

**jaya 1.** kemenangan; *hikayat Perbu* ~ hikayat kemenangan Perbu; **2.** = **berjaya** menang, berhasil: *utusan sudah balik dgn tiada* ~; **berjaya** beroleh kemenangan, mencapai kemajuan, berhasil: *tidak ada harapan cita-citanya akan* ~;

**menjayakan** menyebabkan jaya (berhasil, maju, dll): *semua itu memberi semangat utk ~ usaha yg lebih besar pd masa hadapan;*

**kejayaan** perihal berjaya, kemenangan, hasil: *apabila sudah mendapat ~ dlm pelajaran barulah hal rumah tangga dirancangkan.*

**jayeng** (jayéng) Jw, sl menang (atas); ~ *seteru* menang atas musuh.

**jaz** muzik yg kuat dan rancak yg berasal drpd kalangan orang Negro di Amerika Syarikat: *pancaragam* ~.

**jazam** Ar tanda baca yg dipakai utk huruf Arab (°) diletakkan di atas huruf konsonan utk menunjukkan bahawa huruf itu mati (tidak dibunyikan lagi);

**menjazamkan** 1. memotong, mengerat, memenggal; 2. memutuskan, menentukan: *segala harta dan hak kepunyaanku telah kujazamkan, iaitu kuserahkan supaya dibahagikan dua pertiga daripadanya kpd Puan Normah.*

**jazbah** Ar keadaan diri yg sedar bahawa Allah mendahului segala-galanya apabila melihat sesuatu.

**jazirah** Ar semenanjung: ~ *Arab.*

**JB** kep Johor Baharu.

**jean** (jin) seluar panjang drpd kain yg tebal dan tahan lasak, dan dipakai secara kasual;

**berjean** memakai jean: *dia ~ biru dan berbaju batik.*

**jebah** ark lebar (bkn muka).

**jebah** (jébah); **berjebah** banyak sangat, berlebih-lebihan: *nelayan-nelayan nampaknya riang benar hari ini kerana ikan* ~.

**jebai** ark; **berjebai** berserak-serak, tidak teratur.

**jebak I = jebakan** 1. sj alat (sangkar) utk menangkap burung (binatang dll), perangkap; 2. muslihat utk menipu (menggoda dll);

*memasang* ~ memasang perangkat, memikat utk menipu (menggoda dll) orang;

**menjebak** menangkap dgn jebak, memikat utk menipu (menggoda dll): ~ *burung*;

**terjebak 1.** termasuk ke dlm perangkat (jebak), terperangkap, terpicat; **2.** ki terperangkap atau tercebur ke dlm sesuatu keadaan yg tidak baik (keji, mengongkong, dsb);

**penjebakan 1.** perihal menjebak; **2.** tempat utk memerangkap musuh dll;

**penjebak 1.** orang yg menjebak; **2.** alat utk menjebak.

**jebak II Kl; berjebak-jebak 1.** meleleh keluar; **2.** terlampau banyak.

**jebang** perisai panjang (drpd kayu yg dilapisi dgn kulit).

**jebat** kesturi; *musang* ~ sj musang yg menghasilkan kesturi, musang kesturi;

**jebat-jebatan** berbagai-bagai jenis bau-bauan yg harum.

**jebéh** (jebéh) Kl; **menjebéh** mengerutkan mulut utk menghina orang.

**jebeng** (jebéng) Kl, Tr bauk, cambang.

**jebik; menjebik** menyorongkan bibir bawah ke depan (spt hendak menangis);

**terjebik** spt hendak menangis (muka): *dia ~ apabila emaknya melarangnya pergi menonton.*

**jeblok** Jk; **kejeblok** terperosok ke dlm lumpur.

**jeblos** Jk; **menjebloskan 1.** memasukkan ke dlm lubang dgn kuat-kuat (dgn menggunakan paksaan dsb); **2.** ki memasukkan ke dlm penjara;

**terjeblos, kejeblos 1.** terperosok; **2.** ki termasuk perangkat, terjebak, tertipu.

**jebol** Jk rusak, tembus;

**menjebol** merosakkan (pintu dll), menembus;

**menjebolkan** menyebabkan jebol (rosak, tembus), menembuskan.  
**jebrol** Jk; **menjebrolkan** **1.** melahirkan (anak); **2.** ki menerbitkan, mengeluarkan.

**jebuh** sj ikan laut, *Dussumieria spp.*

**jebung;** *ikan* ~ sj ikan laut, *Abalistes stellatus*.

**jebur** Jk cebur;

**menjebur** mencebur (terjun ke dlm air).

**jed** (jéd) sj batu bernilai, biasanya berwarna hijau, yg dijadikan barang hiasan dan barang kemas.

**jeda** **1.** waktu rehat: *sampai waktu ~, belum ada kalah menang*; **2.** = **berjeda** berhenti sebentar; *tidak ~* tidak putusnya, tidak henti-hentinya; **3.** masa antara dua peristiwa atau tindakan.

**jeding I** Jw tangki (air).

**jeding II** Jk melentik ke atas (bkn bibir).

**jegang** **1.** tegang, kaku, liat; **2.** mati keras.

**jege** (jegé) Kd membeliakkan mata (kerana marah dll).

**jegela** Pr; *orang* ~ pelawak, badut.

**jegil;** **menjegil** membeliak, membelalak (mata): *Minah ~, Bujal terperanjat*;

**menjegilkan** membeliakkan, membelalakkan (mata): *Yusof ~ matanya ke arah murid-murid*;

**terjegil** terbeliak, terbelalak;

**jegilan** bukaan mata yg besar: *Mak Munah terkejut melihat ~ mata Wak Sudin*.

**jegung** petak di buritan kapal tempat menyimpan tali (layar dll).

**jejak I** **1.** bekas tapak kaki atau bekas langkah (orang atau binatang), bekas jalan perahu (dlm air), kesan: *meninggalkan ~ di lumpur*; **2.** injak (jatuh kaki) hampir atau mengenai tanah dll, sampai di atau (hampir) kena pd sesuatu tahap (paras dsb); ~ *bahu* (bkn rambut)

panjang hingga ke bahu; ~ *bara* (bkn barang yg bergantung) hampir sampai ke tanah dll; ~ *tanah* upacara pd ketika budak mula-mula menginjak tanah; *bertikam* ~ hampir seimbang (sama), hanya sedikit bezanya; **3.** tabiat, tingkah laku, perangai; *mengikuti* ~ *orang tuanya* menurut kelakuan orang tuanya; *~nya keruh* perbuatannya kurang baik; *menghilangkan* ~ menutupi kesalahan (perbuatan yg kurang baik); *mencari* ~ *dlm air* prb mengerjakan pekerjaan yg sia-sia;

**berjejak 1.** meninggalkan bekas (kaki dll), berkesan: *berjalan di lumpur* ~; **2.** menginjak di, bertumpu di: *kakinya tidak* ~ *di bumi*;

**menjejak 1.** mengenai atau mencecah (bumi, dasar, dll), menginjak: *dia* ~ *lantai simen itu*; **2.** sampai di, mengunjungi: *inilah pertama kali dia* ~ *Semenanjung Malaysia*;

**menjejaki 1.** menginjak; **2.** mengikuti jejak atau bekas langkah, mengesani (mengikuti) perjalanan dsb: *dr situlah angkatan perang Jepun terus mara ke Selatan* ~ *pengunduran askar-askar Inggeris, India, dan Australia hingga ke Singapura*; **3.** ki mengikuti jejak (pergerakan, tindak-tanduk, dsb) seseorang dll, menyiasat, menyelidiki;

**menjejakkan** menginjakkan (kaki);

**penjejakan** perihal (proses atau perbuatan) menjejaki (mengesani): *alat itu menghasilkan isyarat keluaran berdigit dan mengawal isyarat bagi pemfokusan serta* ~ *alur laser*.

**jejak II Jk 1.** lurus, tegak (tidak condong); **2.** teratur baik, tetap (tidak berubah-ubah).

**jejaka** anak lelaki yg telah dewasa (tetapi belum berkahwin), (orang) bujang, pemuda.

**jejal; berjejal, berjejal-jejal** penuh sesak, penuh pepak, penuh tumpat: *di seberang sana kelihatan motokar* ~;

**menjejal, menjejali** menyumbat, mengisi (lubang dll) dgn penuh, menutup lubang (celah-celah) dgn sesuatu, memenuhi: *setiap tanah lapang dijejali dgn rumah-rumah kediaman;*

**terjejal** disumbat dgn penuh: *tambahan yg ~ pd lubang paip itu.*

**jejala** jala-jala; → **jala I.**

**jejamang** jamang (sj perhiasan).

**jejambat** jalan raya yg dibina merentasi atau melangkau sebatang jalan lain spt jambatan: *~ yg merentangi jalan kereta api itu penuh sesak.*

**jejamu** jamu-jamu (sj tumbuhan).

**jejantas** jambatan (di atas jalan raya) utk pejalan kaki melintas jalan.

**jejap** jijik.

**jejari 1.** bilah besi yg menghubungkan pusat roda dgn rim, terutamanya basikal: *~ basikal*; **2.** garis lurus dr pusat ke keliling bulatan; *~ atom* a) jarak di antara nukleus atom dgn elektron valens atom tersebut; b) jarak yg merupakan setengah jarak di antara nukleus dua atom yg serupa; *~ ikan* kepingan daging ikan tanpa tulang yg berbentuk empat segi bujur dan disaluti serbuk roti, biasanya dipanggang atau digoreng; *~ ion* nilai jejari bagi ion dlm pepejal ionik berhablur (berdasarkan andaian bahawa ion berbentuk sfera dan bersaiz tertentu).

**jejarum** = *~ merah* sj tumbuhan (pokok), jarum-jarum merah, *Ixora concinna.*

**jejas 1.** luka sedikit, lecet, relas: *janganterbelah, ~ pun tidak*; **2.** = **berjejas** rosak (punah, haus, binasa) pd barang spt kain baju dll, menunjukkan tanda atau kesan kerosakan: *baju awak ini sudah lama, tetapi tidak juga ~;*

**menjejaskan 1.** melukakan, merosakkan: *tidak seorang lelaki pun yg pernah ~ hatinya*; **2.** mendatangkan (meninggalkan) kesan



tidak baik pd, merusakkan: *peristiwa itu tidak sedikit pun ~ perhubungan mereka;*

**terjejas** (sudah) jejas, mengalami kesan tidak baik:  *mungkin disebabkan keyakinan itu, rumah tangga mereka teguh, tak ~ walaupun telah 29 tahun mereka bersama;*

**jejasan** perihal jejas (luka dll);

**penjejasan** perihal menjejaskan: *dgn ~ itu, keamanan dan kedamaian telah hilang.*

**jejawat** orang yg membawa barang hantaran semasa istiadat (spt istiadat bercukur dll) di istana.

**jejawi** sj tumbuhan (pokok), jawi-jawi, *Ficus benjamina*.

**jejuh** (jéjéh); **berjejuh** menitik banyak-banyak (bkn benda yg cair tetapi agak pekat spt darah dll).

**jejenang** → **jenang**.

**jejentik** jentik-jentik.

**jejer** (jéjér) banjar, baris, deret, jajar;

**berjejer** berbanjar, berjajar, berbaris, berderet (teratur): *motokar-motokar ~ di jalan raya itu;*

**berjejeran** berderet-deret: *ramai muda-mudi ~ turun menuju ke restoran;*

**menjejeri** terdiri berjejer-jejer di: *Kuala Perlis dijejeri oleh rumah-rumah nelayan;*

**menjejerkan** mengatur berderet-deret (berbaris): *ia ~ barang dagangan di atas bangku;*

**jejeran** deretan.

**jejuang** juang-juang.

**jejunektomi** (jejunéktomi) (Ubat) pembuangan jejunum atau sebahagian drpd jejunum secara pembedahan.

**jejunitis** (Ubat) radang pd jejunum.

**jejunoileitis** (jejunoiléitis) (Ubat) radang pd jejunum dan ileum.

**jejunum** (Bio) bahagian usus kecil yg terletak di antara duodenum dgn ileum.

**jejurai** sj hiasan yg berjurai-jurai yg dipakai pd rambut: *pengantin perempuan Aceh juga memakai sanggul lintang dgn bunga goyang dan ~.*

**jek** (jék) alat utk menaikkan atau mengangkat benda berat (spt kereta dll), bicu, dongkerak, pengumpul;

**mengejek** **1.** menaikkan atau mengangkat benda yg berat (spt kereta dll) dgn jek, mendongkerak, mengumpul: *dia sedang ~ keretanya*; **2.** ki mengampu, membodek.

**jekat** ark zakat.

**jel** (jél) penjara; *kena ~ dimasukkan ke dlm penjara; masuk ~ bp menjalani hukuman penjara*;

**mengejel** memasukkan ke dlm penjara: *orang itu dijel dua minggu.*

**jela** (jéla); **berjela, berjela-jela** tergantung terayun-ayun, berjuntai-juntai: *janggutnya ~ sampai ke tanah; ~ panjang panjang meliuk-liuk*;

**terjela** **1.** terjuntai-juntai, terayun-ayun; **2.** terbaring di tanah (spt mayat).

**jelabak; terjelabak** roboh, runtuh, pecah berselerak.

**jelabas** = *mulut* ~ lepas cakap, suka berleter, suka mengatai orang.

**jelabir** → **jabir**.

**jeladan** sj burung, jelatik.

**jeladeri** sl lautan.

**jelaga** debu hitam dlm asap atau yg ditinggalkan asap pd permukaan sesuatu, sulang asap, arang lampu, arang para;

**berjelaga** diselaputi jelaga;

**menjelagakan** menjadikan (menyebabkan) berjelaga.

**jelah I** ark cerah, banglas, jernih, terang.

**jelah II; menjelah** menangkap burung (dgn menggunakan getah atau jaring).

**jelai I** sj tumbuhan (bijinya keras dibuat tasbih dll), *Coix lachrymajobi*;  
→ **enjelai**.

**jelai II** sj jem drpd buah-buahan (dimakan dgn roti dll).

**jelajah I; menjelajah** pergi berjalan ke merata-rata tempat (utk menyelidik dll);

**menjelajahi** mengelilingi (atau berjalan ke merata-rata tempat dll) sesuatu daerah dll (utk menyelidiki dll), menjajah: *mereka telah ~ seluruh semenanjung negeri Arab; sejak manusia berjaya menaiki roket mendarat di bulan, usaha-usaha utk ~ angkasa lepas telah dipertingkatkan;*

**penjelajahan** perihal menjelajahi: *inilah pertama kalinya kapal terbang digunakan utk ~ di bahagian Artik;*

**penjelajah 1.** orang yg menjelajah: *Amundsen ialah seorang ~ kutub bangsa Norway; 2.* = kapal ~ sj kapal perang yg tidak begitu besar tetapi laju.

**jelajah II Mn; menjelajahkan** menerangkan, menghuraikan.

**jelak I** bosan, jemu, kenyang, puas (makan dll); *jemu* ~ sangat jemu;  
**terjelak** kekenyangan.

**jelak II; menjelak** Kl, Tr mencuri, melakukan sesuatu secara diam-diam (dr belakang dll).

**jelalat** Jk; **sejelalat** sekejap (mata);

**jelalatan** memandang sekeliling dgn liar.

**jelamprang, jlamperang** Jw; *kain* ~ sj kain panjang.

**jelan** Kd; **menjelan** menjelir (lidah).

**jelanak I; menjelanak** merayap dgn menghendap, menyelinap (di antara pohon-pohon dll), menyorok.

**jelanak II** Kl muntah.

**jelang I; menjelang 1.** datang berkunjung (menengok), menghadap (raja, orang besar): *dia sentiasa sibuk sehingga tidak ada masa utk ~ tetangganya; itulah sebabnya yg membuat Nakhoda Muda pergi ~ Pangeran Kusumaningrat itu;* **2.** hampir, sudah dekat (bkn waktu, malam, siang, dll): *~ tengah malam barulah kami sampai di kampung penghulu itu;* **3.** menghadapi, menyambut, menyongsong: *~ hari raya;* **4.** kepada, menghadap (pd alamat surat); **5.** melihat, menatapi: *~ bulan melihat anak bulan pd akhir puasa.*

**jelang II** Mn cair, encer.

**jelangak; menjelangak 1.** mengangkat kepala ke atas, menengadah, mendongak: *beberapa orang yg berada berhampiran dgn Jambatan Aioi ~ ke angkasa;* **2.** Kd tidak begitu cermat (memandang sewaktu berjalan, melakukan sesuatu).

**jelantah I** nasi yg kurang masak (setengah mentah).

**jelantah II** minyak kelapa yg sudah dipakai utk menggoreng.

**jelapak Mn; berjelapak, berjelopakan 1.** berkaparan di sana sini, berserak-serak; **2.** jatuh ke belakang (terlentang);

**terjelapak 1.** terkapar, terserak-serak; **2.** terlentang.

**jelapang** tempat menyimpan padi, rengkiang; *~ padi* ki kawasan yg banyak menghasilkan padi.

**jelar ark; menjelar 1.** menjalar; **2.** rebah membujur (memanjang).

**jelas I 1.** terang (perkataan, pemandangan, dll), tidak kabur (mengelirukan dsb), nyata: *suara itu tidak ~ pd pendengarannya; keterangan yg diberikan itu tidak begitu ~;* **2.** habis, selesai, beres

(pekerjaan, hutang, dll): *dlm sehari boleh ~ pekerjaan ini; hutangnya di kedai itu masih belum ~;*

**sejelas-jelasnya** cukup jelas, amat jelas: *rancangan itu akan diterima oleh rakyat setelah penerangan yg ~ diberikan kpd mereka;*

**berjelas-jelas** berterang-terang, tidak bersembunyi-sembunyi: *aku ini hendak ~ dahulu sebelum aku sampaikan amanat orang;*

**menjelasi** Mn meminta keterangan yg lebih jelas (lebih lanjut);

**menjelaskan** **1.** menerangkan (lebih lanjut), menghuraikan (sehingga jelas), menyatakan (utk memberikan penerangan): *seorang pegawai kerajaan ~ bahawa undang-undang yg baru diluluskan itu hanyalah utk sementara waktu sahaja; 2.* menyelesaikan (pekerjaan, pembayaran hutang, dll), menghabiskan, membereskan: *dia sekarang bercermat-cermat kerana hendak ~ harga motokar itu;*

**memperjelas** membuat lebih jelas: *kita akan ~ keadaan ini dgn memberi dua contoh;*

**kejelasan** perihal (sifat, keadaan) jelas, nyatanya, terangnya: *~ imej pd keseluruhan skrin; ~ objektif utk belajar; ~ amat penting bagi borang dan penerangan yg disertakan;*

**penjelasan** **1.** keterangan (yg lebih jelas), huraian: *Ali meminta ~ sebab-sebab perbuatan adiknya; 2.* penyelesaian (pekerjaan, pembayaran hutang, dll);

*~ bank (Eko) penyelesaian pembayaran cek dll antara bank; rumah*

*~ (Eko) tempat menyelesaikan pembayaran cek dll antara bank;*

**penjelas** **1.** orang yg menjelaskan; **2.** benda utk menjelaskan (hutang dll): *wang ~ hutang.*

**jelas** **II** sj tumbuhan (pokok), bidara merah (pahit), lempedu pahit, *Enrycoma longifolia.*

**jelat** Kl; *jauh* ~ jauh sangat.

**jelata**; *rakyat* ~ rakyat biasa (bukan drpd golongan bangsawan atau hartawan);

**menjelata** ark melata; → **lata III**.

**jelatang 1.** = ~ *api* = ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok yg daunnya gatal), *Laportea stimulans*; ~ *ayam* sj tumbuhan (herba), *Fleurya interrupta*; ~ *rusa* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Cnesmone javanica*; *akar* ~ *bulang* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Sphaerostyli malaccensis*; **2.** ki pengacau, penghasut; ~ *darat* Kl perosak masyarakat, lintah darat; ~ *negeri* pengganggu keamanan; ~ *di hulu air* prb perkara yg selalu menyusahkan.

**jelatik** sj burung pipit jawa (warnanya kebiru-biruan), *Lochura leucogastroides*.

**jelatuh** Kd tempuni.

**jelatuk** → **belatuk**.

**jelau** ark; **menjelau** menjenguk.

**jelawai** sj tumbuhan (pokok), *Terminalia subspathulata*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), tembatu, *Neoscortechinia kingii*.

**jelawardi** ark → **lazuardi**.

**jelawat** sj ikan darat, *Leptobarbus hoevenii*.

**jelebat** sj ikan laut, *Setipinna taty*.

**jeleber** (jeléber) **I**; **berjeleber 1.** berkedut sangat dan berjuntai (kulit orang yg sudah tua dll); **2.** terburai, berumbai (kain dll).

**jeleber** (jelébér) **II**; **berjeleber** Kl mengumpat.

**jeleleh** (jeléjéh); **berjeleleh**, **menjeleleh** meleleh (air liur dll), menjeleh; **menjeleuhkan** menyebabkan menjeleleh.

**jeleket** (jelékét); **menjeleket** melekat (bkn kertas, kelopak mata, dll);

**jeleketan** (Fiz) tarik-menarik sesama molekul sesuatu benda;

**kejeleketan** keadaan jeleket.

**jelempah; menjelempah** bergelimpangan, terlantar di mana-mana.

**jelengar; menjelengar, terjelengar** memandang dgn kehairan-hairanan:

*dlm berjalan itu, sentiasa ia terjelengar-jelengar, memandang berkeliling dgn hairan.*

**jelentik; menjelentik** menjentik, mengetil.

**jelepak; menjelepak; putih** ~ sangat putih; → **lepak I**.

**jelepak** (jelépak) → **jelepok**.

**jelepek** (jelepék) Kl terkulai kerana tinggi dan lembik.

**jelepok** (jelépok); **menjelepok, terjelepok** jatuh terduduk, jatuh tersila:

*mereka duduk ~ akibat keletihan.*

**jeleweh** (jeléwéh) terjuntai (bibir), juih.

**jeli** Jk elok dan bercahaya (mata).

**jeli** (jéli) sj bahan spt agar-agar; ~ *petroleum* campuran hidrokarbon yg separa pepejal dan lut cahaya, dan digunakan dlm industri ubat-ubatan, kosmetik, dsb.

**jeligur** Jw hampas kopi.

**jelik** buruk, hodoh, jahat, tidak baik: *kelakuannya ~*;

**menjelikkan** memburukkan: *jangan selalu ~ kawan*;

**kejelikan** keburukan: *karya Ibrahim Omar ini menampakkan ~ hidup manusia Melayu di kota-kota.*

**jelilatan** Jw jelalatan; → **jelalat**.

**jelimpat** ark; **menjelimpat** menyimpang dr jalan (arah yg dituju).

**jeling** pandangan dgn ekor mata, kerling;

**menjeling** memandang dgn ekor mata, mengerling: *tidak ada antara mereka yg memandang, kalau ada pun sekadar memalis dan ~*;

**jelingen** kerlingan.

**jelingah** Kl gatal, biang (disebut utk perempuan sahaja).

**jelir; menjelir, terjelir** keluar sedikit lidah dll: *lidahnya terjelir sedikit*;

**menjelirkan** mengeluarkan (lidah dll): *tenggiling ini boleh ~ lidahnya keluar dgn panjang.*

**jelira** puas (bkn makanan, minuman, dll), meresap ke segenap anggota tubuh.

**jelit** ark; **menjelitkan** mencantumkan, menyisipkan.

**jelita I** cantik, elok, molek: *dr tingkap rumahnya itu dia dapat melihat seorang gadis ~ sedang menunggu bus;*

**kejelitaan** perihal jelita, kecantikan: *dia terpesona dgn ~ gadis kampung itu.*

**jelita II** sj tumbuhan (herba), kancing baju, *Corchorus capsularis.*

**jelitawan** gadis (wanita) yg jelita.

**jeliti** sj tumbuhan (pokok), membatu, terak, *Planchonella oxyedra.*

**jelma; menjelma 1.** lahir (kembali): *orang Hindu percaya bahawa orang yg mati itu akan ~ balik; 2.* masuk ke dlm (tubuh manusia, binatang, dll): *jiwanya ~ dlm tubuh seekor kera; 3.* muncul (di dlm hati, ingatan, dll), timbul atau muncul (bkn sesuatu kejadian dll): *ada perasaan lain lebih dahulu yg ~ ke dlm hatinya; wajah ibunya sedikit demi sedikit datang ~ ke dlm ingatannya; kemakmuran ini menjadi latar kpd malapetaka yg akan ~; 4.* berubah menjadi makhluk (benda) yg lain, bertukar bentuk (rupa dll): *Krishna ~ menjadi Rama; ulat ~ menjadi kupu-kupu;*

**menjelmakan** ark **1.** melahirkan sesuatu di dlm, memasukkan sesuatu ke dlm: *faham politiknya dijelmakan dlm novel-novelnya;*

**2.** melahirkan, mewujudkan, mencipta (karya dll): *penulis-penulis muda itu belum lagi dapat ~ suatu karya yg bermutu;*

**terjelma** termasuk (ke dlm sesuatu), terlahir (di dlm sesuatu), tercipta, terwujud;

**jelmaan** sesuatu yg telah menjelma; hasil drpd menjelma;



*batu* ~ (Geo) sj batu yg telah berubah bentuknya (rupanya dll) akibat kuasa matahari dan air serta udara dll;

**penjelmaan** **1.** perihal menjelma, perihal lahir (kembali), tubuh atau benda yg terjadi drpd jiwa yg menjelma: *di dlm hatinya ia berfikir entahkan mereka ini dewa-dewa dlm ~*; **2.** perihal masuknya jiwa ke dlm (tubuh manusia, binatang, dll); **3.** (Bio) perihal perubahan bentuk (rupa, corak, dll) drpd sesuatu: *perubahan rupa mulai drpd telur menjadi serangga itu dipanggil ~*; **4.** perihal menjelmakan (mewujudkan) cita-cita dll, pelaksanaan: *sistem pelajaran sekarang ini adalah ~ sistem pelajaran Inggeris yg sangat merugikan kita*; **5.** ciptaan, karya, perwujudan cita-cita: *novelnya yg pertama itu merupakan ~ seluruh peribadinya*.

**jelopong** Tr comot, kotor: *baju kamu kenapa sampai habis ~*.

**jelu I** Jk berasa kesal, sebal hati.

**jelu II**; ~ *masak pisang*, sj binatang mamalia (spt memerang), pulasan tanah, *Mustela nudipes*.

**jeluak; menjeluak** **1.** berbunyi sewaktu hendak muntah, muntah (kerana terlalu kenyang); **2.** Kl melimpah (air).

**jeluang** sl kertas atau kain yg dibuat drpd kulit kayu.

**jeluas** Kl, Tr; **berjeluas** berlumuran (dgn kotoran, darah, dll).

**jeludu; menjeludu** bergerak di air (kapal, perahu, itik, dll).

**jelujur I** jahitan tangan yg jarang dan tidak dimatikan, jahitan sementara;

~ *halus* sj jahitan yg digunakan apabila membuat kelim panjang pd kain lembut (dibuat sebelah dlm atau luar); ~ *sementara* sj jahitan sementara utk menetapkan kelim di tempatnya sebelum kelim itu dijahit (dibuat sebelah dlm atau luar);

**menjelujur** membuat jelujur, menjahit jarang-jarang (dgn tidak mematkan jahitan).

**jelujur II** kayu atau buluh yg dipasang mendatar utk menutup pintu pagar (kandang dll).

**jeluk 1.** dalam (bkn mangkuk, pinggan, dll); **2.** Kl besen.

**jelum; berjelum** = *mandi* ~ menyapu air (tidak disiram) pd tubuh;

**menjelum** membersihkan tubuh dgn menyapu air pd tubuh.

**jelungkap; menjelungkap 1.** terlepas drpd ikatan atau pasangan, terkobak dan tidak melekat lagi; **2.** melenting kemudian lurus kembali (buluh dll yg dilengkokkan).

**jeluntung** penyakit cacar air.

**jelunut I** Mn; **menjelunut** pekat, kental, melekat.

**jelunut II 1.** sj tumbuhan (pokok renek), *Columbia serratifolia*; **2.** sj tumbuhan (pokok), cenderai hutan, medang gajah, *Commerosia bartramia*.

**jelur;** ~-*jelir* menjelir berkali-kali.

**jelurai** sj kuih yg menyerupai jala.

**jelus** Jk cemburu;

**menjeluskan 1.** mencemburui; **2.** menyebabkan iri hati.

**jelut** Jk; **menjelut 1.** berasa sakit (perut); **2.** ki kesal, sebal.

**jelutung** sj tumbuhan (pokok), *Dyera costulata*; ~ *badak* sj tumbuhan (pokok renek), *Ervatamia corymbosa*; ~ *laut* sj tumbuhan (pokok), *Euphorbia atoto*; *rotan* ~ sj rotan, rotan segera (kerai, gelang, kemunting), *Daemonorhops geniculatus*.

**jeluwék** (jeluwék) Kl muntah.

**jem** Jk, bp jam.

**jem** (jém) sj makanan yg dibuat drpd buah-buahan yg dimasak dgn gula hingga likat (biasanya disapu pd roti, biskut, dsb).

**jemaah** Ar **1.** kumpulan orang beribadat; ~ *haji* rombongan orang naik haji; **2.** orang ramai, perjumpaan ramai;

~ *menteri* badan eksekutif yg terdiri drpd para menteri, yg secara kolektif bertanggungjawab bagi menentukan dasar kerajaan, kabinet; *J~ Pemangku Raja* badan yg dilantik utk menjalankan fungsi raja semasa raja belum dewasa, atau raja tiada di dlm negeri ataupun raja tiada upaya;

**berjemaah** beramai-ramai, bersama-sama: *sembahyang* ~.

**jemah** I kelak, kemudian; *di akhirat* ~ di akhirat kelak; *kelak* ~ kemudian kelak, di kemudian hari; *tidak* ~ tidak pernah.

**jemah** II Kl, Tr; *beras* ~ beras biasa (bukan pulut).

**jemala** sl kepala; *batu* ~ batu kepala, kepala; *di atas* ~ di atas kepala.

**jemalin** jurumalim, jurumudi.

**jemang** Mn; **sejemang** sebentar.

**jemari** = *jari*-~ anak-anak jari.

**jemawa** sl **1.** angkuh, congkak, sombong; **2.** suka mencampuri hal orang lain;

**kejemawaan** **1.** keangkuhan, kecongkakan, kesombongan; **2.** perihal suka mencampuri hal orang lain.

**jemba** I = **jembaan** ukuran yg panjangnya lapan hasta atau 3.66 meter.

**jemba** II; **menjemba** Mn meluruskan tangan hendak mencapai sesuatu; *dijemba-jemba* *bagai bersiang*, *dihela surut* *bagai bertanam* prb mengatur sesuatu (pekerjaan dll) supaya berhasil baik;

**menjembakan** meluruskan (tangan): *dijembakannya tangannya akan meraba*; **jeremba**.

**jemba** III Tr **1.** tiba, datang; **2.** menerpa, menerkam: *apabila ternampak saja tikus, kucing jantan saya terus* ~.

**jembak**; **menjembak**, **terjembak-jembak** terurai dan terjela-jela (rambut budak yg panjang dll).

**jembalang** sj hantu (hantu tanah) yg kadang-kadang merupakan diri spt rusa (kerbau dll).

**jembel** (jémbél) Id sangat miskin;

*orang* ~ orang miskin, pengemis; *rakyat* ~ rakyat yg miskin.

**jembeng** (jémbéng) Kl membimbit, menjinjing.

**jemboan** pondok kecil.

**jembrut** zamrud.

**jemedi** **1.** sj ikan laut, bakuk, *Thryssa spp.*; **2.** sj ikan laut, *Engraulis kammalensis*.

**jemeki** ark perhiasan (drpd kertas yg berwarna emas dll) yg terdapat pd tepi selendang dll, labuci.

**jemekian** sj tumbuhan; → **cemekian**.

**jemeleh** (jemeléh) I Kl majlis.

**jemeleh** (jemeléh) II Kl sembelih.

**jemerah** sj tumbuhan (pokok memanjat), mambu jantan, merambau, sekebah, *Milletia sericea*.

**jemerelang** sj tumbuhan (pokok) dlm famili Leguminosae, timbarayung (Sabah), *Peltophorum spp.*

**jemerlang** ark → **cemerlang**.

**jemertas**; *si* ~ sj rumput.

**jemeruk** Kl **1.** berturut-turut (bkn jamuan, peristiwa, dll); **2.** berlaku pd masa yg sama.

**jemerung** I sj ikan darat, *Lobochelius spp.*

**jemerung** II Tr sejenis rumput: *kalau hendak menanam padi, ~ hendaklah ditebas dahulu.*

**jempalik** Jw → **jempalit**.

**jempalit** Jk tonggang-langgang, berguling berbalik-balik (sedang berjalan, bergantung, berguling, dll); → **jengkolet**.

**jempana** sl sj tandu, usungan.

**jemparing** Jw, sl anak panah.

**jempol** Id **1.** ibu jari; **2.** = **jempolan** yg terbaik, johan; *cap* ~ cap ibu jari (sbg ganti tandatangan); *isapan* ~ rekaan sendiri (bkn khabar dll), omong kosong;

**kejempolan** bp kehandalan, keunggulan.

**jempul** **1.** sj ikan laut, *Liza tude*; **2.** sj ikan laut, jumpul, *Mugil planiceps*.

**jempung** sj ikan laut; → **jambung**.

**jemput I; sejemput** sebanyak yg dapat diambil dgn hujung jari, sececut:

*dia mengambil ~ tembakau;*

**jemput-jemput** **1.** sj kuih (drpd adunan tepung, pisang, dan gula yg dijemput sedikit-sedikit dan digoreng); **2.** sj kuih (drpd adunan tepung, bawang, garam, dll yg dijemput sedikit-sedikit dan digoreng);

**menjemput** **1.** mencekut dgn hujung jari: ~ *garam*; **2.** mengambil: *ia ~ air di pancuran*; **3.** ki memetik, mengutip: *kisah ini dijemput drpd Sejarah Melayu*;

**jemputan** hasil drpd menjemput (mencekut).

**jemput II; berjemput** disambut, dialu-alu, disongsong: *datang tak ~*;

**menjemput** **1.** menyambut, mengalu-alu, menyongsong: *siapa yg pergi ~ abangmu di lapangan terbang petang ini?*; *jemputlah masuk*; **2.** mengajak atau menyilakan datang, mengundang: *dia ~ ramai temannya ke majlis perkahwinannya*; *datanglah pula orang ~ Pak Lebai kerana hendak kenduri berkhatam pengajian*; **3.** Mn mengambil seseorang utk dijadikan menantu:

**jemputan** **1.** = *orang* ~ orang yg dijemput (utk menghadiri majlis perkahwinan dll): *Ramlan sibuk sekali melayan para ~ itu*; **2.** ajakan, undangan; **3.** permintaan (kpd orang laki-laki) utk dijadikan menantu;

**perjemputan** perihal menjemput.

**jemu** sudah tidak suka lagi (melihat, makan, dll), bosan, jelak, muak:  
*saya dah ~ dgn masakan itu; ~ menanti;*

*~ hidup* tidak suka hidup lagi (kerana kecewa dll); *~ jelak* sangat jemu; *tidak ~nya* suka (akan sesuatu);

**menjemukan** mendatangkan rasa jemu, membosankan, menjelakkan, memuakkan: *syarahannya panjang dan sungguh ~ ;*

**kejemuan** perihal jemu: *mukanya menampakkan ~nya.*

**jemuan** Kd jahat sangat (kanak-kanak dll).

**jemuas** berlumuran (bergelumang) dgn kotoran (pd muka, tangan, dll).

**jemudi** jurumudi.

**jemuduk** sj ikan laut, demuduk, *Carangoides spp.*

**jemuju** sj jintan atau mu(ng)si.

**jemur 1.** perihal mengeringkan (di panas matahari); *dihukum ~ dihukum* dgn diletakkan di panas matahari; **2.** Id mandi (memanaskan badan) dgn panas matahari; **3.** Mn padi yg dijemur; *membangkit ~* mengangkat padi yg sudah dijemur; *~ terkekar, ayam tiba* prb baru sahaja dikeluarkan barang dagangan, sudah banyak orang datang membeli;

**berjemur** mengeringkan (memanaskan) badan di panas matahari:  
*dia ~ di atas pasir;*

**menjemur** mengeringkan sesuatu di panas matahari: *petani itu ~ padinya di tepi bendangnya; ~ dada* ki berjalan membusungkan dada (sombong);

*~ sementara hari panas* prb kesempatan yg baik itu janganlah dilepaskan; *meski ke langit akan ~, kalau hari tak panas tak juga kering* prb kalau nasib tak baik bagaimanapun usaha tidak akan beruntung juga;

**terjemur** dijemur, kena jemur;

**jemuran 1.** barang yg dijemur; **2.** Kl serambi rumah;

**penjemuran** tempat (alat dll) utk menjemur.

**jen** (jén) Id singkatan bagi jeneral.

**jenahak** sj ikan laut, *Lutjanus johni*.

**jenahar** sj ikan laut, *Lutjanus roseus*.

**jenak I** waktu yg sangat pendek (tidak lama);

**sejenak** sebentar, sejurus; ~ *panjang* agak lama sedikit; ~ *pendek* sebentar sahaja, sesaat.

**jenak II** ark; **menjenaki** melihat.

**jenak III** nyenyak (tidur).

**jenaka 1.** perbuatan atau kata-kata yg menggelikan hati, lawak: ~*nya* *membuatkan penonton-penonton tidak dapat menahan ketawa*; **2.** menggelikan hati, membangkitkan ketawa: *lawak* ~; *cerita* ~;

**berjenaka** berbuat sesuatu perlakuan atau berkata-kata utk membuat orang ketawa, melawak, berkelakar: *dlm perjalanan itu kami tidak putus-putus* ~;

**kejenakaan 1.** perihal jenaka; **2.** kelucuan.

**jenakarama** jenaka yg diaksikan dgn pelbagai irama (tingkah, gaya, ragam, dll).

**jenama** jenis barang yg memakai nama khas yg dikeluarkan oleh pengeluar (pembuat, pengilang) tertentu;

**berjenama** mempunyai jenama, ada jenamanya (bkn barang);

**menjenamakan** memberikan jenama kpd sesuatu;

**penjenamaan** pemberian jenama (nama tertentu) kpd sesuatu barang yg dihasilkan: *aspek pembungkusan dan* ~.

**jenang I 1.** tiang tempat dipasang pintu (jendela dll): ~ *dinding*; ~ *jendela*; ~ *pintu*; **2.** = **jejenang**, **penjenang** sl orang yg mengawasi sesuatu, mandur; **3.** = **jejenang** sl pengapit, pembantu; **4.** = **jejenang** sj pangkat kepala daerah (di bawah batin); **5.** = **jejenang**

Mn orang yg mengatur dlm sesuatu jamuan, orang yg menjadi juara atau peleraian dlm upacara penyabungan ayam;

**menjenang, menjenangi** mengawasi dan mengatur (pekerjaan dll).

**jenang II** ark; **sejenang** sebentar, sekejap, sejurus; → **jenak I**.

**jenang III** Jw 1. bubur; 2. dodol.

**jenangau** pianggang; → **cenangau**.

**jenawi**; *pedang* ~ pedang yg lurus panjang yg digunakan dgn dua belah tangan (spt pedang samurai Jepun).

**jenayah** = *perbuatan* ~ kejahatan (spt mencuri, merompak, membunuh, dll) yg salah di sisi undang-undang, perbuatan salah (di sisi undang-undang), perbuatan kriminal: *polis menganggap perkara itu sbg satu perbuatan ~ yg nekad*;

~ *harta* kejahatan yg bersangkutan dgn harta (spt mencuri, merompak, menipu, pecah amanah, dll); ~ *kolar putih* (perbuatan) jenayah yg dilakukan oleh mereka yg bertugas dlm bidang pengurusan (profesional dsb), biasanya oleh mereka yg berkedudukan penting dlm perkhidmatan awam (syarikat dll); ~ *komputer* jenayah yg dilakukan dgn menggunakan sistem komputer utk mencuri maklumat atau wang; *kesalahan* ~ kesalahan kerana melakukan perbuatan jenayah;

**penjenayah** orang yg melakukan jenayah.

**jenazah** Ar mayat (bagi orang Islam); *kereta* ~ kereta yg membawa jenazah;

**menjenazahkan** menguburkan (jenazah).

**jendal**; ~-*jendul* bengkak-bengkil, berbenggil-benggil, berbencol-bencol.

**jendela** → **cendela**.

**jendela** (jendéla) tingkap; ~ *langit* tingkap magun.



**jendera** nyenyak tidur, lena; **cendera II**.

**jenderal**; *sekretaris* ~ Id setiausaha agung yg mengurus hal-hal yg berhubungan dgn pentadbiran dlm sesuatu kementerian (parti politik dll); *total* ~ Id jumlah semuanya.

**jenderus** = ~ *burung* sj tumbuhan (akar berteras yg memanjat), kabau, akar berumat, akar pialu, *Derris thysiflora*.

**jendul** benjol, bincul, jenggul, tonjol.

**jeneng** (jénéng) condong, miring;

**menjenengkan** mencondongkan, memiringkan.

**jeneral** pegawai tertinggi dlm tentera, perwira tertinggi, panglima perang.

**jeneralisimo** panglima tertinggi angkatan bersenjata.

**jenewer** (jenéwer) IB sj arak yg keras, gin.

**jengah I; menjengah 1.** melihat (menengok) dgn menghulurkan kepala, menjenguk: *sekali-sekala ia ~ keluar tingkap memerhatikan ketibaan anaknya*; **2.** (datang) mengunjungi: *sudah lama betul awak tak ~ ke sini*;

**menjengahkan** menghulurkan (kepala): *kadang-kadang aku ~ kepalaku keluar*.

**jengah II** Jk malu, kemalu-maluan.

**jengah III; menjengah** mendedah: *cermin itu ~ rupa mukanya yg menggerunkan*.

**jengat** ark; *hitam* ~ hitam sangat.

**jengek** (jengék, jéngék) Jw; **menjengek-jengek** berteriak-teriak (mengejek dll);

**menjengeki** mengejek, mentertawakan, memperolok-olok;

**jengekan** ejekan, olok-olok.

**jenggala** sl hutan rimba; *hantu* ~ hantu hutan.

**jenggar**; *~jenggur* cepat besar (anak, binatang, tumbuhan), terlampau besar.

**jengger** (jénggér) Jw balung pd kepala ayam.

**jengget** (jénggét) ark → **jengket**.

**jengguk** ark; **menjenggukkan** = *~ kepala* menjengahkan (menghulurkan) kepala (ke dlm pintu dll); → **jenguk**.

**jenggul** benjol, bincul, jendul.

**jenggur**; *jenggar-~*; → **jenggar**.

**jenggut** Jk janggut; *kebakaran ~* bp bingung dgn tidak keruan;

**jenggutan** berjanggut.

**jengit**; **menjengit**, **menjengit-jengit** menggerak-gerakkan (kepala, ekor, dll) turun naik atau ke hadapan dan ke belakang.

**jengkal I** jarak antara hujung ibu jari dgn hujung jari yg lain: *~ kelengkeng*; *~ manis*; *~ hantu*; *~ telunjuk*;

*cakapan se~ dibawa sehasta* prb perkara yg kecil diperbesar-besarkan; *yg se~ tiada dapat jadi sehasta* prb kalau nasib sudah tidak baik, betapa pun diusahakan tentu tidak akan berjaya;

**menjengkal** mengukur dgn jengkal; *~ dada* mengecilkan keberanian (kebolehan dll) orang lain; *~ muka* menghina (menjatuhkan martabat dll) orang.

**jengkal II**; *bunga ~* sj tumbuhan (pokok memanjat yg berbunga putih), akar cina putih, akar orang merah, *Neuropeltis racemosa*.

**jengkang**; **menjengkang**, **terjengkang 1.** terbaring menelentang (menggeletak) spt mati; **2.** bk mati, mampus; **kejengkang**.

**jengkang** (jéngkang); *~jengkot* berjalan tempang, capik;

**menjengkang** mengangkat kaki sebelah, berdiri di atas sebelah kaki.

**jengkau**; **menjengkau** menghulurkan tangan hendak mencapai sesuatu; → **jangkau**, **jingkau**.

**jengkek** (jéngkék), **berjengkek, berjengkek-jengkek** 1. melompat-lompat (kegirangan dll); 2. berjengket, berjingkat.

**jengkel** (jéngkél) berasa sangat kesal (kerana tidak sampai maksud dll), sebal hati, mendongkol: ~ *hatiku melihat kelakuan gadis itu*;

**menjengkeli** sebal hati terhadap: *kebanyakan orang kampung ~nya kerana tingkah lakunya*;

**menjengkelkan** 1. berasa jengkel tentang sesuatu hal, mengesalkan hati: *tidaklah ini membosankan dan ~ hati*; 2. menyebabkan kesal (sebal dll): *perbuatan Ahmad ~ orang tuanya*;

**kejengkelan** perihal jengkel (sebal dll): *tindakan yg diambil itu ialah akibat ~nya melihat keadaan yg serba tidak terurus itu*.

**jengkelenan** sl sj bunga.

**jengkelit** Jw; **menjengkelit** menjempalit, menjengkolet.

**jengkeng** (jéngkéng) I; **menjengkeng** berjengket; → **jengket**.

**jengkeng** (jéngkéng) II; **berjengkengan** berjalan dgn tidak keruan arahnya, mencongkah; → **jengking**.

**jengker** Jk kaku.

**jengkerik** cengkerik, keridik.

**jengket** (jéngkét); **berjengket, menjengket** berdiri (berjalan) dgn hanya hujung jari kaki yg berjejak;

**bersejengket, bersijengket** menjengket;

**terjengket-jengket**; *lari* ~ lari di atas hujung kaki; **jengkeng I**.

**jengket-jengket** (jéngkét- jéngkét) Kd sj permainan, tingting.

**jengki** (jéngki); *celana (seluar)* ~ bp seluar yg sempit kakinya (spt seluar koboi di Amerika).

**jengking I** menonggeng.

**jengking II**; *kala* ~ sj kala kecil (yg menjengkitkan ekornya sewaktu hendak menyengat).

**jengkit; menjengkit** melentik ke atas (bkn ekor, hujung jari, rambut, dll);

**menjengkitkan** melentikkan ke atas, menegakkan: *anjing itu ~ telinganya.*

**jengkol** (jéngkol) Jk jering;

**jengkolan, kejengkolan** Jk sakit apabila kencing (kerana terlalu banyak makan jengkol).

**jengkolet** (jéngkolet); **menjengkolet** terguling atau jatuh terbalik (dgn kepala ke bawah), menjempalit, menjengkelit.

**jengkot** (jéngkot); **berjengkot, menjengkot** berjalan tempang (capik, pincang).

**jengkus** = ~ *basong* sj ikan darat, *Morulus chrysophekadion*.

**jengoi** Kd → **jenguk**.

**jenguk; menjenguk 1.** melihat (memandang) dgn menghulurkan kepala ke hadapan atau dgn membongkok, menjengah: *setelah mendengar bunyi kereta berhenti di hadapan rumahnya, Aminah pun ~ keluar utk melihat tetamu yg datang itu; 2. = menjenguk-jenguk* mengunjungi, menengok: *kalau ada masa lapang, datanglah ~ pak cik di kampung ini;*

**menjengukkan;** ~ *kepala* menghulurkan kepala (keluar dll);

**terjenguk** dlm keadaan terhulur ke hadapan (bkn kepala, muka): *kepalanya ~ dr daun pintu yg terbuka perlahan-lahan;*

**terjenguk-jenguk** mencari-cari atau melihat-lihat sesuatu dgn menjengukkan kepala: *dia ~ spt mencari seseorang yg dikenalnya; yg menunggu ketibaan sanak saudara kelihatan ~ memandang kereta api itu.*

**jengul; menjengul, terjengul** tersembul keluar, menonjol keluar: *dr bawah kelihatan satu kepala ~ dr pintu bilik itu;*

**menjengulkan** mengeluarkan (kepala dr lubang dll),  
menyembulkan: ~ *kepala*.

**jeni I** IB **1.** bakat semula jadi yg kuat utk mencipta sesuatu; **2.** orang yg berbakat (mempunyai bakat yg besar) utk mencipta sesuatu.

**jeni II** IB bahagian drpd tentera yg mengurus persenjataan dan perlengkapan.

**jenin;** *mat* ~; → **mat I.**

**jenis 1.** golongan benda (binatang, tumbuh-tumbuhan, dll) yg mempunyai sifat-sifat yg sama, bangsa: *tikus dan arnab termasuk ~ binatang yg mengerip*; **2.** = ~ *kelamin* sifat kelamin (laki-laki atau perempuan): *perkataan-perkataan dlm bahasa Inggeris mempunyai perbezaan ~ kelamin*; **3.** *bagai, macam: barang ini agak mahal harganya kerana drpd ~ yg baik; berbagai-bagai ~ = serba ~ bermacam-macam*; **4.** kasta, golongan (dlm masyarakat dll): *di Minangkabau terdapat orang yg tiga ~, iaitu malim, hulubalang, dan menteri*;

**berjenis** bp elok (barang, perangai);

**berjenis-jenis** bermacam-macam, berbagai-bagai;

**menjeniskan** membahagi-bahagikan (menggolong-golongkan) menurut jenis;

**penjenisan** perihal (perbuatan, kerja, dsb) menjeniskan, pembahagian kpd beberapa jenis: *digambarkan dgn rajah pohon yg menunjukkan ~ struktur sintaksis*.

**jenitan** sj tumbuhan (pokok), *Memecylon minutiflorum*.

**jenjagung** sj tumbuhan (pokok kecil), bunga menjagung, pagar anak betina, pagar anak merah, *Ixonanthes icosandra*.

**jenjala** sl lancang mulut.

**jenjalau** sj ikan laut, *Caesio lunaris (pinjalu)*.

**jenjalu** sj ikan laut, *Pinjalo pinjalo*.

**jenjam** Jw tenang (hati).

**jenjang I** tangga; *menaiki ~ pelamin* menaiki tangga pelamin, melangsungkan perkahwinan;

**berjenjang, berjenjang-jenjang** bertangga, bertingkat-tingkat; *pemilihan ~ pemilihan* secara bertingkat (tidak secara langsung drpd rakyat); *sawah ~ sawah* yg bertingkat-tingkat.

**jenjang II** panjang (leher dll).

**jenjang III;** *burung ~ sj* burung yg berleher panjang.

**jenjarum** sj tumbuhan (pokok), jarum-jarum, *Ixora concinna*.

**jenjuang** juang-juang.

**jenjulung I** sj ikan laut, julung-julung, *Hemiramphus spp.*

**jenjulung II = julung-julung** sj tumbuhan (pokok) dlm famili Euphorbiaceae, kayu garang (Sabah), *Agrostistachys spp.*

**jenlidah** sj tumbuhan (herba), bujang semalam, pujung malam, *Jussiaea suffruticosa*.

**jenohong** sj ikan laut, *Polynemus tetradactylus*.

**jentaka** ark sl celaka, sial, sengsara.

**jentat; menjentat** meloncat (bkn binatang-binatang kecil).

**jentayu** sl **1.** sj burung geruda; **2.** burung yg selalu berseru meminta hujan; *spt ~ menantikan hujan* prb orang yg sangat rindu akan sesuatu (kekasih dll).

**jentelmen** (jéntelmén) bp orang (lelaki) yg mempunyai sifat-sifat terpuji spt lemah-lembut, berbudi bahasa, toleran, dan berpendidikan.

**jentera 1.** roda; **2.** roda utk memintal benang, roda pd kincir; **3.** mesin, pesawat: *banyak pekerjaan di dunia ini dikerjakan oleh ~; ~ pembajak* jentera utk membajak; **4.** keseluruhan sistem yg meliputi tenaga manusia (alat perkakas, kemudahan, kemahiran, dsb) yg dapat menjalankan atau melaksanakan sesuatu: *segala usaha DBP*

dan ~nya termasuk Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia dan MABBIM; ~ parti berjalan lancar;

**berjentera** 1. beroda; 2. bermesin, berpesawat; *senapang* ~ senapang mesin; *tentera* ~ ark tentera yg dilengkapi dgn alat-alat bermotor; 3. berpusing (spt roda); *tanglung* ~ tanglung yg berputar;

**kejenteraan** yg berkaitan dgn jentera: *industri* ~.

**jentik I**; **sejentik** sedikit: ~ *tiada sedarkan diri*;

**menjentik** 1. memukul atau menguis sesuatu dgn belakang hujung jari yg dibidaskan dgn ibu jari: *guru* ~ *telinga budak yg nakal itu*; 2. menyepit dgn ibu jari dan jari yg lain, mencubit; 3. ki, bp menegur, memarahi;

**jentikan** 1. hasil atau perbuatan menjentik; 2. ki, bp teguran.

**jentik II** Jw ark kelengkeng.

**jentik-jentik** anak nyamuk yg masih berupa ulat dlm air.

**jentolak** traktor penyodok yg kuat utk meratakan atau mengangkut tanah, batu, dll, buldozer: *pinggir hutan itu sedikit demi sedikit telah dikikis oleh beberapa buah* ~.

**jentu** tangkai bunga (yg terbesar pd bunga yg berkarang).

**jentuai** mesin yg digunakan utk menuai (padi dll).

**jenu** Jw tuba (utk memabukkan ikan).

**jenuh I** 1. puas, kenyang sekali (sehingga menjadi jemu); 2. jemu, bosan: ~ *mencari tidak berjumpa*;

**menjenuhkan** menjadikan jenuh, menjemukan, membosankan;

**kejenuhan** perihal jenuh, kekenyangan, kejemuan.

**jenuh II** Kl banyak.

**jenulung** 1. sj ikan darat, julung(-julung), *Xenentodon canciloides*; 2. sj ikan laut, *Hemirhamphus spp.*

**jenut** tempat binatang menjilat garam, sira, taram, sesapan.

**jepit, menjepit** mengapit (menekan dsb) sesuatu di antara dua benda yg dikatup, menyepit: *dia menggunakan ragum utk ~ serta mengangkat besi yg panas itu;*

**terjepit 1.** terhimpit di antara dua benda, tersepit: *kakinya ~ di celah dahan-dahan kayu;* **2.** ki terperangkap (terkepung dll) kerana terdesak dr kiri kanan, tidak dapat bergerak kerana tergencet drpd dua pihak: *India dan negara-negara Asia lainnya akan ~ oleh Jerman dr barat dan Jepun dr timur;*

**jepitan** penjepit;

**penjepit** alat utk menjepit, penyepit.

**jeprat** Id ark; **menjeprat** memercik.

**jepret** (jeprét) Id bunyi spt bunyi pisau yg ditikamkan pd batang pisang dll;

**menjepret** melontar batu yg kecil dll dgn alat pelontar (lastik);

**jepretan** alat pelontar batu dll, lastik.

**jepun I** sj ikan laut, *Ariomma indica*.

**jepun II;** *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok kecil yg senantiasa menghiijau), jitung, zetun, *Thevetia peruviana*.

**jeput I;** **sejeput** sejempuit;

**menjeput** menjempuit; → **jempuit I**

**jeput II;** *sehari* ~ = *se~ hari* Jk sehari suntuk, sehari-harian.

**jer** Id, bp kep juru; ~ *batu* jurubatu.

**jera** tidak mahu (berani dll) berbuat lagi, serik, kapok, jera: *ia telah ~ bergaul dgn pemuda itu;*

**menjerakan** menjadikan jera, menyebabkan serik, menjerankan.

**jerab** Kd tidur yg nyenyak, lena.

**jerabai;** **berjerabai** berumbai-umbai, berjumbai-jumbai; → **jerambai**.

**jerabar** Kl mengambil dgn pantas, menyambar, merampas.

**jerabut** penuh dgn bulu, rambut (spt sabut), serabut;



**berjerabut** berbulu, berserabut.

**jeradik** sj kuih yg dibuat drpd tepung.

**jeragat** bintik-bintik (atau tompok-tompok) gelap pd muka.

**jeragur** sj tumbuhan (pokok), busuk-busuk, petai belalang, sebusuk,  
*Cassia siamea*.

**jerah I** sedang banyak (buah-buahan dll kerana musimnya), terdapat di  
mana-mana (penyakit dll).

**jerah II**; *~jerih* sangat jerih.

**jerah III** Kl asah, kilir.

**jerahak**; **terjerahak** tidak terpelihara, terbiar, terbengkalai, terlantar.

**jerahap**; **menjerahap** menelungkup dgn tangan terentang, meniarap;  
**terjerahap** jatuh tertiarap.

**jerai** sj tumbuhan (pokok), *Ficus spp*.

**jerait**; **berjerait**, **berjeraitan** berkait-kait, berjalin-jalin, paut-memaut,  
sangkut-menyangkut (jari, akar-akar kayu, dll).

**jerak** sj tumbuhan (pokok renek), empoyan pedang, pokok salah nama,  
*Decaspermum fruticosum*.

**jeram I** air terjun di sungai, penderasan;

**berjeram** mempunyai jeram: *perahu jalur ini lebih cekap dan tahan digunakan bagi sungai yg ~*.

**jeram II**; **menjeram** membasahkan kepala (dgn air), menjaram.

**jeramah**; **berjeramah** pegang-memegang, tangkap-menangkap (orang berkelahi dll);

**menjeramah** memegang dgn kuat, mencengkam: *dijeramahnya akan dayung itu, rebah terlentang*.

**jeramak** Ph sj alat menangkap ikan yg serupa dgn jala (tetapi ukurannya lebih kecil).

**jerambah** sambungan lantai rumah yg tidak beratap (tempat mencuci pinggan mangkuk, tempat mandi, dll), pelantaran;

**menjerambah** **1.** menggunakan (memperlakukan, menganggap) sbg jerambah; **2.** ki memperlakukan orang perempuan spt perempuan lacur.

**jerambai; berjerambai** berumbai-rumbai, bergantung, berjumbai-jumbai; → **jerabai.**

**jerambang** cahaya api yg timbul dgn tiba-tiba drpd rawa-rawa (dianggap sbg hantu).

**jerami** **1.** batang padi yg sudah kering yg padinya sudah dituai; **2.** urat yg terdapat di celah-celah isi nangka.

**jeram-jeram** sj kueh yg dibuat drpd tepung pulut dan gula serta digoreng dgn minyak.

**jeran** jera, serik;

**menjerankan** menjerakan, menyerikkan.

**jerang; menjerang** **1. menjerangkan** = meletakkan (periuk dll) di atas api utk memasak: *oleh perempuan itu dijerangkannya periuk di atas dapur*; **2.** memasak: ~ nasi;

**terjerang** terletak di atas api (periuk dll), dimasak;

**jerangan** tempat meletakkan periuk dll utk memasak (terdiri drpd tiga kaki).

**jerangau** sj tumbuhan (herba yg akarnya dibuat ubat), *Acorus calamus*; ~ *padang* sj tumbuhan (herba), rumput bagan, *Xyris indica*.

**jerangkah** ark → **ceranggah.**

**jerangkak** ark; **menjerangkak** merangkak.

**jerangkang, berjerangkang, berjerangkangan** **1.** berceranggah, terpancang-pancang; **2.** terlentang dgn kedua-dua kaki ke atas: *dia jatuh ~*;

**menjerangkang** berbaring dgn kaki (tangan) ke atas;

**terjerangkang** jatuh terlentang (dgn kaki ke atas).

**jerangkap 1.** sesuatu yg digunakan utk menangkap musuh atau haiwan: *kadang-kadang ~ itu terkena binatang buas*; **2.** ki tipu muslihat dsb yg bertujuan utk memperdayakan orang lain: *dia begitu mudah masuk ke ~ komunis utk mencapai cita-cita politiknya*; ~ *samar* jerangkap spt bom, periuk api, buluh runcing dsb yg disembunyikan atau disamarkan sehingga boleh menyebabkan kecederaan atau kematian kpd mangsa yg tersentuh, terpijak atau terlanggar jerangkap tersebut.

**jerangkung** Jw rangka (tulang kerangka) manusia dll; *hantu ~ hantu* orang mati.

**jerap, menjerap** melekat atau merekat kerana sesuatu proses: *gelombang rasa indah ~ lagi masuk ke dalam tubuhnya*;

**penjerapan, jerapan** pelekatan molekul atau organisma seni pd sesuatu permukaan pepejal atau cecair.

**jerat I 1.** tali pencerut (tali yg disimpulkan) utk menangkap binatang dll; jenis-jenisnya: ~ *bidas*, ~ *bingkas*, ~ *embat*, ~ *tanjul*; *menahan* ~ memasang jerat; **2.** ki tipu muslihat utk menyusahkan (merugikan dll) orang;

~ *halus kelindan sutera* prb tipu muslihat yg sangat halus; ~ *semata bonda kandung* prb anak tunggal yg sangat dimanjakan; ~ *serupa jerami* prb tipu muslihat yg tersembunyi dlm kesukaan; *bagai menjenguk ~ sial* prb benci akan sesuatu pekerjaan tetapi terpaksa melakukannya juga; *menahan ~ di tempat genting* prb mencari keuntungan drpd kesusahan (penderitaan) orang lain; *terpasang ~ halus* prb dikenakan tipu muslihat; *tahan ~ sorong kepala* prb hendak mencelakakan orang lain, tetapi diri sendiri yg mendapat celaka;

**sejerat** Mn seikat, seberkas;

**menjerat** **1.** memasang jerat, menangkap dgn jerat: ~ *burung (kijang dll)*; **2.** ki melakukan tipu muslihat, menyusahkan (mencelakakan) orang dgn tipu muslihat: *hati-hati engkau, jangan dijerat oleh perempuan jalang itu*;

**terjerat** **1.** tertangkap dgn jerat; **2.** ki tertipu, terpedaya;

**penjerat** **1.** orang yg menjerat; **2.** alat utk menjerat.

**jerat II** ark → **jirat I.**

**jerau** merah tua.

**jeraus** pantas, tangkas, sigap;

**menjerauskan** menangkaskan.

**jerawat** bisul kecil pd muka; ~ *batu jerawat* yg agak besar serta keras; ~ *nasi jerawat* yg kecil (apabila dipicit, keluar benda putih spt nasi);

**berjerawat** = **jerawatan** Jk ditumbuhi jerawat pd muka.

**jerayawara** persembahan, pameran, ceramah dsb yg diadakan oleh seseorang atau sekumpulan orang (penyanyi, ahli politik dsb) yg berkunjung dr satu tempat ke tempat lain dgn tujuan memberikan hiburan, menjelaskan sesuatu isu kpd orang ramai, mempromosikan sesuatu dsb: *persatuan itu melaksanakan program pendedahan dan pendidikan, termasuk beberapa siri ~ yg meliputi seminar dan pameran.*

**jerba; menjerba** **1.** menerkam, menerpa; **2.** mencondongkan perahu dll.

**jerbak; menjerbak** berjerabai, bergantungan berjubai-jubai.

**jereba** → **jerba.**

**jerebat** Tr meniarap.

**jerebu** kabut yg bercampur debu yg terapung-apung di udara sehingga mengakibatkan pemandangan alam sekitar menjadi kabur dan kotor;

**berjerebu** dipenuhi (diliputi) jerebu.

**jereguk, jeregut** Kl besar, rendang, rimbun, tersergam.

**jerehek** (jeréhék) K1 menjawab dgn kasar, menengking.

**jereket** (jerékét) melengket, melekat, bercantum; *carik-carik bulu ayam lama-lama akan ~ semula* prb perselisihan sesama keluarga akan berakhir dgn berbaik kembali;

**jereketan** perihal bercantum (melekat).

**jeremak** ark → **jerempak**.

**jeremang** → **jermang**.

**jeremba; menjeremba** menghulurkan tangan utk mencapai sesuatu;  
**jemba II**.

**jerembab** Kd (ter)**jerembab** bertemu dgn tidak disangka-sangka.

**jerembak** → **jerempak**.

**jerembap; menjerembapkan** 1. menjatuhkan tertelungkup; 2. ki mencelakakan;

**terjerembap** 1. jatuh tertiarap (dgn muka tertelungkup); 2. ki termasuk (tercebur) ke dlm kecelakaan atau keadaan yg menyusahkan: *tanpa akidah manusia buta, ~ ke dlm ranjau dan belukar hidup, terperosok ke dlm kesesatan.*

**jerembat** (jerémbat); **terjerembat** tersangkut kaki pd sesuatu, tersepak sesuatu, tergelincir di pinggir sesuatu.

**jerembet** (jerémbét) → **jerepet**.

**jerembun; terjerembun** kelihatan (muncul) dgn tiba-tiba sbg satu timbunan yg besar (bukit, gunung, dll).

**jerempak; berjerempak, terjerempak** bertemu atau berjumpa (berhadapan) dgn tiba-tiba: *ia telah terjerempak dgn Hartini yg sedang berjalan pulang dr pasar.*

**jereng** (jéréng) I Jk juling.

**jereng** (jéréng) II Jw; **menjereng** membentangkan.

**jerepet** (jerépét); **berjerepet** melekat antara satu dgn yg lain (spt jari dll), melengket, berjerait, jerembet.

**jergik** Ph kurus kering sehingga menampakkan tulang.

**jering** Tr sangat kurus.

**jeri** bimbang, cemas, takut.

**jeriau** kayu (buluh dll) yg dipasang melintang di atas kasau (utk mengatap rumah) atau pd rasuk (utk memasang lantai);

**menjeriau** memasang jeriau.

**jerih** lelah, payah; ~ *lelah* = ~ *payah* = ~ *penat* susah payah (bkn usaha); *sakitnya* ~ payah, tenat; *penyakit* ~ sesak nafas, lelah; *ubat* ~ *pelerai demam* ki buah hati (anak yg dikasihi dll); ~ *menentang boleh*, *rugi menentang laba* prb memberi pertolongan kerana ingin mendapat pertolongan (keuntungan dll) pula;

**berjerih** bersusah payah, berusaha dgn bersungguh-sungguh;

**menjerihkan** melelahkan, memayahkan;

**memperjerihkan** mengusahakan dgn bersungguh-sungguh;

**kejerihan** perihal jerih.

**jerih perih** susah payah dlm melakukan sesuatu usaha: *tamat sudah segala penat lelah dan ~ belajar hingga larut dinihari*;

**berjerih perih** berusaha dgn jerih perih, berusaha bersungguh-sungguh: *setiap orang harus berusaha dan ~ bagi mengejar impiannya*.

**jeriji I** jari.

**jeriji II** kisi-kisi, jeruji, terali.

**jerijit** Kl sj burung yg panjang paruhnya dan menghisap madu.

**jering** sj tumbuhan (pokok dan buahnya dijadikan ulam), *Pithecellobium jiringa*; ~ *tupai* sj tumbuhan (pokok), saga gajah, *Pithecellobium ellipticum*.

**jeringai** → seringai.

**jeringing** seringai, meringis.

**jerit I** jeritan;

**menjerit 1.** berteriak kuat-kuat, memekik: *pencuri itu mengugut hendak membunuhnya kalau ia ~*; **2.** mengeluh (kerana kesusahan, penderitaan, dll);

**terjerit-jerit** menjerit berulang kali dan dgn tidak menentu, terpekik-pekik: *anak itu menangis ~*; *~ bagai kucing biang prb perempuan yg tiada malu bercakap dgn suara keras.*

**jeritan 1.** panggilan atau teriakan yg kuat (kerana kesukaran, kesakitan, ketakutan, dll), teriakan, pekikan: *diperintahnya anak itu dgn ~*; **2.** keluh-kesah (kerana menderita sesuatu yg berat spt kesakitan, kemiskinan, dll): *mereka tidak mengendahkan ~ kaum ibu utk kebebasan.*

**jerit II**; *burung ~* sj burung berjambul, belatuk rimba, *Platylophus galericulatus ardesicus.*

**jerjak 1.** kayu atau besi yg dipasang bersilang (berpalang) pd jendela dll, kisi-kisi, jeriji, jeruji: *mereka melihat dr ~ dlm penjara*; **2.** bilah-bilah yg dipasang tegak pd bakul (keranjang dll); **3.** tiang kecil-kecil tempat memasang dinding rumah; *tulang ~* Mn tulang rusuk; **berjerjak** mempunyai jerjak, ada jerjaknya.

**jerjat** ark → **darjat.**

**jerkah** ucapan yg kasar dgn suara yg keras (utk menakutkan atau mengejutkan), tengking, herdik, sergah;

**menjerkah** mengucapkan sesuatu dgn kasar dan keras, menengking, mengherdik, membentak.

**jerkat**; *pinang ~* pinang muda yg dimakan dgn sirih.

**jerlai**; **terjerlai-jerlai** sl berjumbai-jumbai, berumbai-rumbai.

**jerlus**; **terjerlus** terperlus, terperosok (ke dlm lubang dll).

**jermal** sl alat utk menangkap ikan (pagar yg merupakan bubu yg dipasang di tepi laut, di belakangnya terdapat pintu dgn jaring yg boleh diangkat-angkat).

**jermang** kayu pendek yg diletakkan secara mendatar utk menopang perahu dll supaya tidak condong;

**berjermang** merangkak; *patah tongkat* ~ prb harus terus berusaha dlm keadaan bagaimana sekalipun (jangan sekali-kali berputus asa).

**jernang** sj damar merah drpd rotan yg digunakan utk membuat cat; *rotan* ~ rotan merah, rotan cicih landak, rotan air, rotan cernang, *Daemonorhops hygrophilus*.

**jernih 1.** boleh dilihat menerusinya (bkn air atau kaca), hening, bening, tidak keruh (bkn air): *air* yg ~; **2.** manis dan berseri (bkn air muka), tidak muram: *muka* yg ~; **3.** bersih drpd sebarang amalan salah, keburukan, niat jahat, dll; **4.** tidak huru-hara (bkn sesuatu keadaan), aman: *suasana politik* yg ~;

**menjernihkan 1.** menjadikan (menyebabkan dll) jernih, mengheningkan, membeningkan: ~ *air* yg *keruh*; **2.** menjadikan jernih (air muka): *berita gembira itu* ~ *air mukanya*; **3.** menjadikan jernih (tidak huru-hara): ~ *fikiran*; ~ *suasana* menyebabkan suasana atau keadaan jadi tenang (tidak tegang dsb);

**kejernihan 1.** perihal jernih, keheningan, kebenaran: ~ *air sungai itu memberi satu rasa ketenangan pd jiwanya*; **2.** perihal jernih (air muka); **3.** perihal jernih (hati dsb), kesucian, keikhlasan, kejujuran: ~ *fikiran dan kedamaian hati*; **4.** perihal jernih (keadaan, suasana): *orang itu mengancam* ~ *suasana rumah tangganya*;

**penjernihan** proses (tindakan dsb) menjernihkan: *budaya warisan kita memerlukan* ~ *utk mengikis saki-baki tahyul dan khurafat*; *sistem* ~ *air asas diperkenalkan menggunakan tiga penakung yg diisi besi, pasir dan arang utk membuang bahan arsenik*.

**jeroan** Jw isi perut.



**jerohok; terjerohok** terperosok, tersorok.

**jerojol; menjerojol, terjerojol** tersembul keluar (kepala, ekor, dll).

**jerombong** Tr kolong tempat laluan air

**jerongkah** cerangguh, congkah-cangkih;

**berjerongkah** bercerangguh.

**jerongkang; ~-korang** tunggang-langgang;

**terjerongkang** jatuh terlentang.

**jerongkit** → **jongket**.

**jerongkoh; terjerongkoh** ada tercegat di hadapan mata (orang yg berdiri tegak, batu, tunggul kayu, dll).

**jerongkok; menjerongkok, terjerongkok** duduk dgn kedua-dua lutut ke atas (hampir dgn dagu), mencangkung: *kawan Bedul yg berjaga di pos seberang jalan itu tampak di dlm gelap-gelap samar ~ di hadapan posnya.*

**jerongkong; menjerongkong** berdiri dgn mencondongkan badan ke hadapan dan tangan menekan pd lutut;

**terjerongkong** jatuh tertiarap.

**jersi 1.** baju berlengan yg dibuat drpd benang bulu, sutera, nilon, dsb. **2.** pakaian yg dipakai oleh anggota sesuatu pasukan, terutamanya pasukan bola sepak;

**berjersi** memakai jersi: *pasukan Selangor ~ kuning telah menewaskan pasukan Kedah yg ~ hijau.*

**jertuh** Tr tidur (bahasa kasar): *kamu ni tiada kerja lain, ~ saja.*

**jeru** Pr; **menjeru** datang, singgah.

**jeruah** Kl, Ph memekik (utk memanggil), melaung, menyorak (utk menghina, menghalau, dll).

**jeruang; ~-jeruit** jongkang-jongket (lantai rumah dll), conggang-congget.

**jerubung** alat (yg dibuat drpd tikar, kajang, papan, dll) digunakan sbg penutup di tengah-tengah perahu.

**jeruji** jeriji, kisi-kisi, jerjak.

**jeruju** sj tumbuhan (pokok renek), beruju, *Acanthus ebracteatus*.

**jeruk I 1.** buah-buahan (sayur, telur, ikan, dll) yg telah diasamkan (atau diasinkan): *buah ~; ikan ~; telur ~*; **2.** Id limau; ~ *bali* limau bali, *Citrus maxima*; ~ *manis* limau manis, *Citrus suhuiensis* ; ~ *nipis* limau nipis, *Citrus aurantifolia*; ~ *purut* limau purut, *Citrus hystrix*;

**menjeruk** mengasamkan (mengasinkan) buah-buahan dll;

~ *hati* ki menyiksa, menyebabkan (batin seseorang) menderita; ~ *rasa* ki menyimpan atau memendam perasaan di dlm hati hingga terseksa atau menderita: *anak perempuannya pernah menyatakan bahawa ibunya ~ rasa akibat ayahnya kahwin lain*;

**penjerukan** proses menjeruk.

**jeruk II** K1 basah; *basah ~ = ~ wok* terlalu basah, seluruhnya basah.

**jerukun; menjerukun** menudung, merungkup, menutup.

**jerum** Jw ark; **menjerum** menderum.

**jerumat; menjerumat** menjahit kain yg koyak (berlubang dll), menisik:  
*pakaian anaknya itu tidak pernah dijerumat*;

**berjerumat** telah dijahit, telah ditisik;

**penjerumat** jarum yg digunakan utk menjerumat.

**jerumau** sj tumbuhan (pokok), geremung betina (jantan), temangau, tempunai, *Glochidion superbum*.

**jerumbai; berjerumbai** berumbai-rumbai, berjerabai; → **jumbai**.

**jerumbung** → **jerubung**.

**jerumun I, jerumbun** pondok tempat berteduh (yg terdapat di bendang dll), dangau.

**jerumun II** 1. rumpunan semak (belukar); 2. sj tumbuhan, derumun, *Elaeocarpus griffithii*.

**jerumus; menjerumuskan** 1. menjatuhkan seseorang hingga tersungkur; 2. ki mencelakakan, menyesatkan, memperdayakan orang ke dlm kesengsaraan: *kecuaian ini akan ~ masyarakat kita kpd penjajahan budaya; ~ (seseorang) ke lembah maksiat (kekacauan dll) menyebabkan seseorang melakukan maksiat (berada dlm keadaan kacau dll)*;

**terjerumus** 1. jatuh tertumus, tersungkur, tersembam: *jalan baik-baik, nanti ~ ke dlm lumpur*; 2. ki jatuh ke dlm kesengsaraan (kehinaan dll): *Aminah telah ~ ke dlm lembah kehinaan*;

**penjerumusan** proses (individu, masyarakat) menjadi terjerumus: *~ masyarakat ke arah fahaman asabiah yg menzalimi orang lain*.

**jerun; tekukur** ~ sj burung tekukur, *Streptopelia chinensis tigrina*.

**jerunang** sj tumbuhan (herba), lengkuas padang, rumput kelemoyang, *Languas conchigera*.

**jerung I** sj ikan yu yg besar serta ganas, *Carcharhinus dussumieri*.

**jerung II** Kl sudut (bilik, rumah, dll), bucu, herok.

**jerungan** Kl menghulur tangan (hendak mengambil sesuatu), menghulur badan atau kepala (hendak melihat sesuatu).

**jerungkau; menjerungkau** terjantai menjulur ke bawah (spt rambut turun di dahi atau dahan-dahan kayu yg bergantung di sungai dll).

**jerungkis** bengkok ke atas (pd hujungnya), terjongket (hujungnya);

**menjerungkis** merosakkan, memusnahkan.

**jerungkup; menjerungkup** menelungkup;

**terjerungkup** tertiarap.

**jerut; menjerut** mengikat (membelit dll) sesuatu erat-erat, mencerut;

**terjerut** dlm keadaan diikat (dibelit dll) dgn sesuatu dgn erat:  
*mayat itu ditemui di dlm bilik mandi dgn lehernya ~ dgn dawai elektrik;*

**jerutan** cerutan: *bagaikan ikan belanak meradak pukak yg cuba lari drpd ~ maut; kau tidak akan merasai apa-apa selain ~ yg lembut;*

**penjerut** alat utk menjerut (spt tali dll).

**jet** (jét) **I** **1.** pancutan (gas, air, wap, dll) yg keluar dr lubang kecil atau muncung; **2.** = *kapal terbang* ~ sj kapal terbang yg menggunakan enjin jet: ~ *pejuang*; **3.** muncung atau lubang kecil dlm karburetor yg menghantar minyak petrol dr ruang pelampung ke enjin (setelah dicampurkan dgn udara);

~ *jumbo* kapal terbang yg sangat besar yg boleh membawa beratus-ratus orang penumpang; ~ *pejuang* kapal terbang jet yg digunakan utk membuat serangan terhadap kapal terbang atau sasaran musuh;

**jet** (jét) **II** sj bahan galian keras berwarna hitam yg boleh digilap sehingga berkilat, dan dijadikan sbg barang kemas, barang hiasan dsb.

**jetera** Tr sejenis alat utk menaikkan dan menurunkan benang dlm menenun kain atau songket.

**jeti** (jéti) binaan yg menganjur ke laut atau sungai (tempat kapal, bot, dsb singgah).

**jetih** Kl tunas pokok.

**jetis** ark; **menjetis** berbunyi kuat spt mercun.

**jewer** (jéwér) Jw; **menjewer** memulas telinga;

**jeweran** bp teguran (drpd pihak atas).

**JHEOA** kep Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

**JI** kep Jemaah Islamiah.

**jiawang** sj biawak pohon, *Varanus dumerili*; **jawang**.

**jib** layar yg berbentuk segi tiga (dipasang pd tiang yg terdepan).

**jibaku** (Jepun); **berjibaku** melakukan penyerangan dgn melanggarkan diri kpd musuh.

**jibillah** Ar keadaan (sifat, bentuk) yg semula jadi, tabiat, pembawaan.

**Jibrail** malaikat yg menyampaikan wahyu kpd rasul atau nabi.

**jibun**; *si* ~ ark orang yg hutangnya banyak.

**jicing** C abu (jelaga) drpd candu.

**jidal** **1.** sarung (hujung) jari drpd logam dll yg dipakai sewaktu menjahit, didal; **2.** (Fiz) sj sarung drpd perak yg terdapat pd bahagian bawah sj jangka lembap;  
~ *akar* (Tani) sj tudung spt sarung jari yg terdapat pd hujung akar (utk memelihara akar supaya tidak rosak).

**jidar** **1.** = *garisan* ~ garisan yg terdapat di keliling surat atau muka surat dlm buku; **2.** kayu pembaris;  
**menjidari** membuat garisan dgn jidar.

**jidat** Jk dahi.

**jidur** Jw sj beduk atau gendang besar.

**jig** (Muz) tarian lama orang Inggeris yg rancak dgn gerak tari yg melompat-lompat: *tarian* ~; *muzik* ~.

**jih** ark sasaran.

**jihad** Ar **1.** usaha yg bersungguh-sungguh utk mencapai kebaikan yg direcai Allah; **2.** penentangan (perlawanan) terhadap anasir-anasir yg hendak merosakkan negara dll (spt hawa nafsu, diktator, dll);  
**berjihad** melakukan jihad: *penduduk negeri diseru supaya ~ utk menentang rejim diktator itu.*

**jihat** Ar arah, pihak, sisi: *cahaya fajar pun menyingsinglah dr ~ timur.*

**jihin** Mn jin.

**jijak** → **jejak** I.

**jijik** **1.** meluat (mual, tidak suka melihat) kerana kotor (keji dll): *aku berasa ~ dgn keadaan di rumah sakit itu; banyak orang ~ melihat perangai buruk Munah*; **2.** kotor atau keji (yg memualkan, yg tidak suka dilihat): *jangan kau pegang makanan itu, ~;*

**menjijikkan** **1.** berasa jijik akan, menganggap jijik; **2.** menimbulkan (mendatangkan) rasa jijik: *perangaimu itulah yg ~ kami;*

**kejijikan** perihal jijik;

**penjijik** orang yg tidak suka akan benda (keadaan) yg kotor: *dia ~ orangnya.*

**jijit; menjijit** menjinjing, menjinjit.

**jika, jikalau** kata penghubung yg menyatakan syarat (janji), kalau: ~ *dibenarkan, tentu saya akan pergi; ~ (se)kiranya* seandainya; → **kalau.**

**jila** Mn; **terjila** menggeletak di tanah (spt mayat), terlantar; → **jela.**

**jilah** Kl, Mn ark bersih, cuci, habis.

**jilam** Mn; **menjilam, menjilami** menjilat-jilat (bibir dll).

**jilat; berjilat** menghulurkan lidah utk merasai sesuatu; ~ *besi* menghulurkan lidah mengenai besi hangat (utk menentukan apakah seseorang itu bersalah ataupun tidak);

**menjilat** **1.** merasa (mengambil) makanan dll dgn lidah: *susu yg tumpah itu habis dijilat kucing*; **2.** (bkn api) makin bertambah besar dan mulai memakan: *api dr rumah sebelah sudah mulai ~ atap pondok Pak Mat*; **3.** = ~ *pantat* Id mengangkat, melakukan sesuatu utk menyukakan hati orang atasan dll (utk mendapat pangkat, pujian, dll);

**menjilat-jilat** menjilat berkali-kali;

~ *cak* Kl, bk mati; ~ *tapak tangan* ki sesuatu (benda dll) yg diharap-harapkan, tetapi tidak didapatinya; *sudah diludah, dijilat kembali* prb sudah dicela (dibuang) dipuji (dipungut) kembali;

**jilatan** 1. perihal menjilat; 2. barang apa yg dijilat;

**penjilat** orang yg menjilat (mengangkat seseorang), tukang angkat.

**jilbab** Ar pakaian longgar (termasuk kerudung) yg memenuhi keperluan menutup aurat wanita, selain muka dan tapak tangan;

**berjilbab** memakai jilbab: *dlm perhimpunan itu, kelihatan juga beberapa orang wanita yg ~.*

**jilid** 1. jahitan buku; *tukang ~* tukang yg menyusun serta menjahit lembaran kertas menjadi buku; *bahagian ~* bahagian dlm perusahaan percetakan tempat buku dijahit; 2. penggal atau bahagian buku: ~ *kedua drpd buku sejarah itu masih belum terbit lagi;*

**berjilid** disusun (dirangkai-rangkaikan) dan dijahit (kertas dijadikan buku);

**berjilid-jilid** beberapa jilid;

**menjilid** menyusun helaian-helaian (buku dsb) dan menjahitnya sehingga berbentuk buku dsb: *kami melihat pekerjaan mengatur huruf, memotong kertas, mengecap, dan ~ buku;*

**jilidan** hasil drpd menjilid, gabungan helaian-helaian (buku dsb) yg dijahit sehingga berbentuk buku dsb;

**penjilidan** perbuatan (kerja-kerja) menjilid;

**penjilid** 1. tukang jilid; 2. sesuatu yg digunakan utk menjilid: *mesin ~ buku; gam ~ buku.*

**jim** 1. huruf kelima abjad Arab (mempunyai nilai tiga); *tahun ~* tahun ketiga drpd tahun yg kelapan (dlm daur kecil); 2. huruf kelima abjad Jawi.

**jimak** Ar perihal bersetubuh;

**berjimak** bersetubuh;

**menjimak** bersetubuh dgn.

**jimat I 1.** cermat (tentang perbelanjaan wang atau penggunaan sesuatu), hemat, tidak boros; ~ *cermat* = *ingat* ~ sangat cermat (dlm membelanjakan wang dll); **2.** ingat-ingat (bkn pekerjaan dll), hati-hati; *ingat sebelum kena*, ~ *sebelum habis* prb harus beringat-ingat sebelum terlambat;

**berjimat, berjimat-jimat 1.** berhemat atau berhati-hati (tentang perbelanjaan wang atau penggunaan sesuatu): *kami terpaksa makan ~ kerana sedikit benar bekalan*; **2.** berhati-hati (pekerjaan dll); ~ *cermat* berhemat-hemat, berhati-hati (terutamanya dlm penggunaan wang dll);

**menjimatkan** menghematkan, mengeluarkan dll dgn cermat: *pd musim kemarau kita harus ~ air*;

**kejimatan** sifat berjimat, sifat bercermat dlm penggunaan wang dll;

**penjimatan** perihal (perbuatan dsb) berjimat atau menjimatkan penggunaan sesuatu: *langkah-langkah ~ perbelanjaan kerajaan akan juga menyumbangkan pembaikan dlm imbalan pembayaran negara*;

**penjimat** orang yg jimat.

**jimat II** → **azimat**.

**jimbam** lembap (dlm gerak-geri, pelajaran, dll), tidak cerdas: *gurunya sentiasa memarahinya kerana lemah dan ~ dlm pelajaran*; *bagai si ~ hendak hilir* prb orang yg lembap dlm sesuatu pekerjaan.

**jimbit; menjimbit** memegang atau mengangkat sesuatu dgn jari, mencebet; → **bimbit**.

**jimpas** Ph tidak ada yg tinggal lagi.



**jin I** sj makhluk Allah yg diciptakan Allah drpd api yg boleh menyerupai malaikat: ~ *afrit*; ~ *Islam*; ~ *kafir*;

**berjin 1.** ada jin; **2.** menggunakan jin utk sesuatu tujuan.

**jin II** bp gin; ~ *pahit* Id kopi yg pekat dan tidak bergula.

**jin III** ark pelana.

**jinak 1.** tidak liar (buas, garang, galak, dll): *binatang* yg ~; **2.** bp tidak takut-takut (malu-malu, segan-segan, dll), ramah: *perempuan* yg ~; **3.** Id tidak bersemangat, tidak revolusioner; ~~~ *lalat* seseorang yg bercampur dgn orang lain tetapi tidak begitu rapat atau mesra; ~~~ *merpati* perempuan yg kelihatannya ramah dan mudah didapat, tetapi apabila didekati menjauhkan diri;

**berjinak-jinak 1.** = **berjinak-jinakan** beramah-tamah, bergaul dgn ramah; **2.** ki mengadakan hubungan (pertalian dsb) dgn, bermesra: *lambat laun mereka akan mula ~ dgn kedai-kedai lain; semakin hari semakin ramai orang ~ dgn puisi dan madah*;

**menjinaki** menegur dgn ramah-tamah, beramah-ramah dgn;

**menjinakkan, memperjinak 1.** membuat (melatih dll) supaya jinak: *sejak zaman purbakala manusia sudah pandai ~ binatang*; **2.** berusaha supaya menjadi ramah: *mereka nampaknya berebut-rebut ~ diri mereka*;

**kejinakan** perihal (sifat atau keadaan) jinak: *kami leka dgn ~ burung-burung itu*;

**penjinakan** perbuatan (usaha dsb) menjinakkan (binatang): *mengikut kajian sejarah, ~ binatang yg ada sekarang ini kebanyakannya berlaku di benua Asia dan Eropah*;

**penjinak** orang yg menjinakkan binatang.

**jingap** ark → **jingau**.

**jingau** Mn; **menjingau** menjenguk.

**jingga** kuning yg agak kemerah-merahan, oren;

**kejingga-jinggaan** seakan-akan warna jingga, hampir menyerupai warna jingga.

**jinggang** ark ramping.

**jinggering** Jw; *sepatu (sandal)* ~ kasut (selipar) yg bertumit tinggi; *gelas* ~ gelas yg berkaki panjang.

**jinggih, jinggir, jinggit** → **jengger**.

**jingkat; berjingkat, berjingkat-jingkat, terjingkat, terjingkat-jingkat** berjalan tempang, pincang (kerana kaki pendek sebelah), singkat: *dia berjalan terjingkat-jingkat kerana kaki kirinya terseliuh.*

**jingkau** → **jangkau, jengkau**.

**jingkir** gerai (tempat berdiang bagi orang perempuan yg baru bersalin), tempat bersalai.

**jingkit; berjingkit, berjingkit-jingkit** berjalan dgn meloncat-loncat.

**jingkrak** Jk; **berjingkrak, berjingkrak-jingkrak** melompat-lompat (kerana gembira, girang hati, dll).

**jingo** orang yg menyokong atau menganut faham jingoisme.

**jingoisme** sikap (pandangan, fahaman dsb) yg terlalu mengagungkan kekuasaan atau kehebatan negara sendiri, dan menyokong dasar peperangan terhadap negara lain: *maka lahirlah ~, iaitu aliran fahaman yg boleh membawa kezaliman kpd kumpulan lain.*

**jinjang 1.** = **jinjangan** sl ketua (hantu dll); **2.** sl badan yg dimasuki hantu; **3.** sl pawang yg menguasai hantu; **4.** sl orang yg mengiringi (menemani) utusan raja;

*pelesit dua se~* perempuan yg berlaki dua; *jinjangan tua dan jinjangan muda* kedua-dua orang yg mengiringi utusan raja;

**berjinjang;** *hantu tidak* ~ a) hantu yg tidak mempunyai pemimpin (ketua); b) ki orang yg berkeliaran di mana-mana.

**jinjing I; menjinjing** membawa sesuatu dgn tangan yg terhulur ke bawah, menjinjit, membimbit: *seorang daripadanya sedang ~ sebuah cerek besar; ringan sama dijinjing, berat sama dipikul* prb tolong-menolong antara satu sama lain (baik dlm kesenangan mahupun dlm kesusahan);

**jinjingan** sesuatu yg dijinjing.

**jinjing II** sj tumbuhan (pokok) yg dibuat papan, batai, segun, *Albizia falcata (moluccana)*.

**jinjing III** Kl berdiri di atas jari kaki.

**jinjit I** Jw; **berjinjit, berjinjit-jinjit** berdiri (berjalan) dgn hujung jari kaki sahaja yg berjejak ke tanah, berjengket-jengket;

**terjinjit-jinjit** terjengket-jengket: *Puan Milah ~, takut jatuh kerana papan anak-anak tangga itu tipis-tipis belaka.*

**jinjit II; menjinjit** menjinjing, membimbit: *gadis itu kelihatan ~ sebuah bungkusan di sebelah tangan kanannya.*

**jinjit III; menjinjit** mencubit sambil menarik (getah, telinga, dll), memulas.

**jinsom** C sj akar utk dibuat ubat kuat.

**jintan 1.** sj tumbuhan (pokok), *Carum carvi*; **2.** sj biji-bijian yg dibuat rempah (ubat dll); jenis-jenisnya: ~ *hitam*, ~ *manis*, ~ *putih*.

**jintih**; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok renek), cemperai dadih, perincen, sedamit, *Urophyllum streptopodium*.

**jip** sj kenderaan kecil yg kuat serta tahan lasak (banyak digunakan oleh tentera).

**jipang I** ark → **jebang**.

**jipang II** Mn cabang, dahan.

**jipang III** Jw **1.** buah labu; **2.** sj kuih yg dibuat drpd pulut dan gula.

**jiperak**; *kain* ~ sj anak baju (singlet).

**jiplak** Jw; **menjiplak** **1.** meniru atau mengutip karangan orang lain (tanpa izin drpd penulisnya), mencuri karangan orang lain; **2.** meletakkan kertas kosong di atas gambar atau tulisan yg telah ada dan menirunya;

**jiplakan** salinan, tiruan, kutipan, dll;

**penjiplakan** perihal atau perbuatan menjiplak, plagiarisme;

**penjiplak** orang (pihak) yg menjiplak atau meniru hasil kerja orang (pihak) lain.

**jipro** ark IB bp nona, guru perempuan.

**jir** → **jih**.

**jirai** ark sedikit (drpd suatu benda, zat, dll).

**jirak** sj tumbuhan (pokok renek yg buahnya boleh dimakan), beberas, mempadi, *Eurya acuminata*.

**jiran** orang yg tinggal berhampiran dgn rumah seseorang tetangga: *~nya ialah keluarga Cina yg telah memeluk agama Islam; kawan se-kawan-kawan yg rapat;*

**berjiran** tinggal berhampiran dgn rumah seseorang; bertetangga; *negeri-negeri yg ~ negeri-negeri yg berhampiran (berdekatan);*

**berjirankan** **1.** mempunyai seseorang sbg jiran: *mereka ~ keluarga Melayu yg prihatin;* **2.** ki mempunyai sesuatu tempat (kawasan, daerah dsb) sbg kawasan yg berdekatan atau bersebelahan: *sebuah kawasan perumahan yg ~ Putrajaya dan Cyberjaya;*

**kejiranan** yg berhubungan dgn jiran atau hidup sbg jiran: *pertalian sejarah dan ~ adalah amat penting dan perlu diambil kira dlm sebarang usaha promosi dlm ASEAN; jalinan ~ antara keluarga di kawasan setinggan.*

**jirat** **I** **1.** kubur (utk orang bukan Islam); **2.** batu kubur; *membuang bunga ke ~ prb mensia-siakan tenaga (wang, masa, dll).*

**jirat II** Jk jerat.

**jirian** sj keputihan (pd orang perempuan).

**jirik** Kl pijak.

**jirim** (Fiz) bahan yg mengisi ruang dan mempunyai jisim; ~ *kelabu* (Bio) tisu saraf kelabu, terutamanya dlm otak dan saraf tunjang, yg mengandungi badan sel saraf dan juga gentian saraf; ~ *putih* (Bio) tisu saraf putih yg sebahagian besarnya terdiri drpd gentian saraf berselaput mielin.

**jirus I; menjirus** menyiram dgn air, mendirus: *jangan lupa ~ bunga-bunga yg di tepi rumah itu;*

**penjirus** 1. orang yg menjirus; 2. alat utk menjirus: ~ *bunga*.

**jirus II** makin kecil ke hujung, meruncing, tirus.

**jisim** Ar 1. isi segala benda yg tidak bernyawa; 2. (Fiz) kuantiti jirim dlm benda yg tidak bernyawa yg tidak tertakluk pd graviti.

**jitah; akar** ~ sj tumbuhan (akar yg melilit), jitan, *Willughbeia tenuiflora*.

**jitak** Jk; **menjitak** menampar, menempeleng.

**jitan** jitah.

**jitok** ark tengkuk.

**jitu** kena pd tempatnya, tepat benar: *dia menjawab pertanyaan itu dgn ~;*

**menjitukan** mengenakan dgn tepat (jawaban, pukulan, dll), memberikan jawaban, dll secara tepat: ~ *pendapat serta memperoleh jawaban yg tepat;*

**kejituan** perihal jitu, ketepatan, kewajaran: *Husserl menerima dan memperakui ~ pendapat mereka; tidak cukup dgn hanya menggunakan istilah dan tatabahasa yg betul sahaja, tetapi seharusnya dapat memancarkan ~ bahasa;*

**penjituan** proses menjitukan sesuatu benda: *pembaikan imej boleh dilakukan melalui komputer dgn menggunakan perisian ~ imej kodak.*

**jitung** sj tumbuhan (pokok), rengas, rengas air (tembaga), *Gluta rengas*.

**jiwa** **1.** nyawa, roh (yg ada dlm tubuh manusia); *berhutang* ~ berhutang nyawa (kerana membunuh orang lain); *melayang* ~nya mati; *membuang* ~ membunuh diri; *merentang* ~ hampir akan mati; *putus* ~ mati; **2.** batin (perasaan, fikiran, cita-cita, dll yg terkandung dlm hati manusia): *buku itu mencerminkan* ~ pengarangnya; *ilmu* ~ pengetahuan mengenai batin manusia, psikologi; *penyakit* ~ penyakit batin (gila dll); **3.** benda atau orang yg memberi kegiatan serta semangat kpd sesuatu pertubuhan dll: *dialah yg merupakan* ~ pergerakan pemuda di kampung itu; **4.** buah hati, kekasih: *oh ~ku, hanya engkau seoranglah yg kucintai*; **5.** penjumlahan bilangan dlm menghitung penduduk, orang: *kampung ini mempunyai beberapa ratus* ~ penduduk; *cacah* ~ = pencatatan ~ penghitungan jumlah penduduk, banci; **6.** maksud yg sebenarnya, maksud yg tersirat: *segala tindakan yg diambil haruslah sesuai dgn* ~ perjanjian persahabatan yg telah ditandatangani itu;

~ raga ki daya usaha yg sungguh-sungguh: *dia mengorbankan seluruh* ~ raganya utk membesarkan anak-anaknya;

~ bergantung di hujung rambut prb dlm keadaan yg sangat berbahaya; *bertukar* ~ dgn semangat prb sedang berkasih-kasihian;

**sejiwa** keadaan hubungan yg sangat bulat dan sepakat: *sehati* ~;

**berjiwa** **1.** mempunyai jiwa, bernyawa, hidup: *dijumpainya di tepi sungai tubuh yg tidak* ~ ; **2.** bersemangat: *banyak pegawai yg masih* ~ penjajah; *bahasa kebangsaan sbg alat utk membina kesatuan nasional serta mewujudkan warganegara* ~ Malaysia;

~ besar a) mempunyai sifat tidak mahu dikuasai (dipengaruhi dll) orang; b) mempunyai cita-cita yg mulia dgn tidak segan memberi

pengorbanan; ~ *kecil* lwn berjiwa besar; ~ *rakyat* bersemangat kuat utk menolong rakyat;

**menjiwai** memberi jiwa (semangat, hidup) kpd: *semangat dan perjuangannya telah ~ seluruh pergerakan itu;*

**kejiwaan** kerohanian, kebatinan: *ini agak pelik kalau ditilik dr sudut ~ orang Melayu; sebenarnya gejala-gejala buruk daripadanya adalah besar sekali baik dr segi kejasmanian mahupun dr segi ~;*

**kesejiwaan** perihal atau keadaan sejiwa: *percampuran dan ~ kata-kata;*

**penjiwaan** perihal menjiwai.

**jiwang** bp kep jiwa-jiwa (perlakuan sentimental).

**jiwat** sj tumbuhan (pokok), jambulan, krian duat, salam, *Eugenia cumini*.

**jiwit; menjiwit** mencubit dan memulas: ~ *pipi*.

**jizyah** Ar sj cukai yg dibayar oleh orang (atau negeri) bukan Islam kpd negeri (atau raja) Islam yg menaklukinya.

**J/K** kep Jawatankuasa.

**JKR** kep Jabatan Kerja Raya.

**Jln** kep Jalan.

**JMN** kep Johan Mangku Negara, pingat kehormatan yg dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong (lebih tinggi drpd AMN).

**JOA** kep Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa.

**jobak** ark; **berjobak** bergelegak.

**joblos** Jk; **kejoblos, terjoblos** terperosok; → **jeblos**.

**jobon** Pr; **berjobon, berjobon-jobon** bertimbun(-timbun).

**jobong** Jk, bk pelacur.

**jodo** Jk jodoh, sesuai; → **jodoh**.

**jodoh** 1. pasangan hidup (laki-laki atau perempuan), imbangan: *engkau haruslah berhati-hati dlm memilih ~;* 2. pertemuan (antara gadis

dgn teruna yg menghasilkan perkahwinan): *apa boleh buat, dah tak ada ~*; *~ pertemuan* pasangan sbg suami isteri (yg telah ditentukan Tuhan); *bertemu ~ (dgn)* berkahwin (dgn); *habis ~ bercerai* (suami isteri); **3.** lawannya atau pasangannya: *nasi lemak ~nya sambal tumis ikan bilis*; **4.** sesuai, sepadan, setuju, secocok: *harganya tidak ~ dgn buatannya*;

**sejodoh** sepasang: *orang ~ bagai cincin*;

**berjodoh** = *~ dgn* berpasangan (dgn), berkahwin (dgn);

**menjodohi** menjadi jodoh kpd, berkahwin dgn: *biarlah patik ~ paduka kekanda*;

**menjodohkan, memperjodohkan** mengahwinkan: *Salikun bercadang hendak ~ anak perempuannya dgn seorang ustaz*;

**perjodohan** pertunangan, perkahwinan: *~ manusia itu tidak dapat ditentukan*;

**penjodohan** perihal menjodohkan seseorang: *Ali menerima ~ anaknya dgn teruna pilihannya*;

**penjodoh** pepaduan, pasangan, lawan; *~ bilangan* (Lin) perkataan yg digunakan berpasangan dgn nama apabila menunjukkan bilangan (spt ekor utk binatang, helai utk kain, biji utk buah, dll).

**jodong; menjodongkan** mencebikkan (bibir dgn maksud menghina, mengejek, dll): *Lili ~ bibirnya*;

**terjodong** tercebik.

**jogan** sl tombak, bendera (sbg tanda kebesaran raja);

*~ alam* tombak kerajaan (yg dihiasi dgn emas); *~ alamat* jogan yg memberi tanda utk memulakan sesuatu (memukul gendang, berarak, dll); → **cogan**.

**jogar** sj permainan (spt permainan dam);

**berjogar** bermain jogar.



**joget** (jogét) sj tarian dan lagu Melayu yg agak rancak iramanya, ronggeng, tandak; *buaya* ~ laki-laki yg tergila-gilakan perempuan joget; ~ *lambak* joget yg berasal dr Melaka, ditarikan dgn gerak tari yg agak rancak dlm majlis spt perkahwinan dan temasya; *penari (perempuan)* ~ wanita yg mencari wang dgn menari joget; **berjoget** **1.** menari joget; **2.** menari (sebarang tarian).

**jogi** pertapa Hindu.

**joging** lari perlahan-lahan terutamanya sbg senaman;

**berjoging** berlari jogging, berlari dgn langkah yg tidak kencang atau pantas, lazimnya utk menyihatkan badan.

**johan** **1.** sl dunia, alam; **2.** orang yg menang dlm pertandingan, juara; ~ *arifin* orang yg utama di antara cerdik pandai; ~ *pahlawan* pahlawan dunia, orang yg gagah berani; ~ *tinju* juara tinju;

**kejohanan** pertandingan dsb utk menentukan johan, kejuaraan; ~ *terbuka* pertandingan utk menentukan johan yg dibuka kpd sesiapa sahaja yg ingin bertanding; ~ *tertutup* pertandingan utk menentukan johan yg penyertaannya dibataskan kpd petanding-petanding tertentu sahaja (misalnya kpd warganegara yg menganjurkan kejohanan).

**johanit** (Geo) mineral sekunder yg mengandungi 50.8% uranium.

**johar I**; *bintang* ~ bintang timur (Venus); → **zuhrah**.

**johar II** Jw sj tumbuhan (pokok), *Cassia siamea*; → **juar**.

**johong I** sj ilmu yg digunakan supaya orang lain mengikuti kehendak kita;

**menjohong** mengenakan ilmu kpd orang lain supaya ia mengikut kehendak kita.

**johong II**; ~ *beralih* sj tumbuhan (pokok renek), tebuk seludang, tuba seluang, pancis, *Polygonum barbatum*.

**johor I 1.** sj tumbuhan (pokok), busuk-busuk jeragar, sebusuk, *Cassia siamea*; **2.** sj tumbuhan (pokok), bulu-bulu, lemak ketam, membulu rimba, *Pellacalyx saccardianus*.

**Johor II** negeri di selatan Semenanjung, keluasan 18985 km<sup>2</sup>, Johor Bahru sebagai ibu negeri, Darul Takzim.

**jojoba** sj pokok renek yg terdapat di kawasan barat daya Amerika Utara, bijinya menghasilkan minyak yg digunakan dlm pembuatan bahan kosmetik dsb, *Simmondsia chinensis*.

**jojol** tiang dll yg dipancang utk mengepung air (sungai dll);

**menjojol, terjojol** menonjol keluar, tersembul.

**jok** Jk tempat duduk pd kereta (beca dll).

**joker** daun terup yg berlebihan yg digunakan dlm sesetengah permainan terup.

**joki** orang yg menunggang kuda dlm perlumbaan terutama sbg profesionnya; ~ *kereta* orang yg kerjanya meletakkan kereta pengunjug hotel dsb di tempat letak kereta yg betul.

**jokir** Kl, Tr penjuru, sudut.

**jokong** ark sj perahu; → **jongkong I**.

**jola** Kl benar, sungguh.

**jolak; berjolak, menjolak** menyala berkobar-kobar (api).

**jolek** (jolék); **menjolek** membungkus (dgn daun dll).

**joli I** sj usungan.

**joli II** sepasang (kuda); *dua se~* sepasang (laki-laki dan wanita); → **jori**.

**joli III; berjoli** bersenang-senang atau berfoya-foya dgn menghabiskan wang: *kerjanya ~ sahaja*;

**menjolikan** menghabiskan (wang dll) utk bersenang-senang atau berfoya-foya: *Tuan Yusof ~ wang syarikat itu*.

**jolok I; menjolok 1.** menusuk (merodok) sesuatu dgn galah dll supaya gugur, menusuk ke dlm lubang dll: *kalau engkau hendak ~ buah*

*rambutan itu carilah galah yg panjang sedikit; 2. memasukkan jari tangan ke dlm lubang hidung (kerongkong dll); 3. memancing-mancing keterangan dll drpd orang, mengajuk atau menduga (hati orang);*

*~ alang (orang) yg sangat tinggi; ~ anak menggugurkan kandungan; ~ hati mengajuk hati; ~ mata a) sangat jelas kelihatan, sangat nyata; b) memberi malu, menyakitkan hati;*

*~ sarang tebuan prb melakukan sesuatu yg mendatangkan bahaya; yg dijolok tiada jatuh, penjolok tinggal di atas prb keuntungan yg diharap-harapkan tidak didapat, sedangkan modal atau alat utk mendapatnya hilang juga;*

**menjolokkan** menjolok utk;

**jolokan** perbuatan menjolok (memancing-mancing keterangan dll, menduga hati orang dsb): *dia dapat berasa ~nya tentang tanggungjawab Yang Berhormat itu terhadap rakyat telah mencuit hati orang besar itu;*

**penjolok** galah dll utk menjolok.

**jolok II** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar getah gaharu, akar getah gegerip, *Willughbeia coriacea*; *~ hantu* sj tumbuhan (pokok), malas (segan) berdahan, telur obok, *Arthrophyllum ovalifolium*.

**jolong 1.** Ph (lebih) tinggi drpd yg lain (manusia dll); **2.** Kl tabung buluh yg panjang utk mengambil air, calung;

**menjolong** ark menjulur keluar, menonjol panjang keluar.

**jolong-jolong I;** *buaya* ~ buaya yg muncungnya panjang tirus, *Tomistoma schlegeli*; *ikan* ~ sj ikan laut yg muncungnya panjang lancip, julung-julung, *Hemirhamphus spp.*

**jolong-jolong II;** *perahu* ~ sj perahu yg haluannya berparuh panjang.

**jolor** Mn; **menjolor** berengsot (mengesot) dgn menghela perut (spt kanak-kanak), menjalar (spt ular).

**jom** Kd kata ajakan.

**jombak** ark → **jompak**.

**jombang** Mn cantik, tampan;

**kejombang** kecantikan, ketampanan.

**jompak; berjompak, menjompak** mengangkat kaki hadapan ke atas, melompat dgn mengangkat kaki hadapan ke atas;

**berjompakan 1.** berloncat-loncatan (dgn kaki hadapan terangkat ke atas); **2.** ki bergolak (air dll); → **dompak**.

**jompo** Jk sangat tua: *dia menziarahi mayat ibunya di sebuah gereja di asrama tempat tinggal orang ~.*

**jong I** kapal layar Cina; ~ *pebujangan* sl sj jong diraja; ~ *penanggahan* sl jong tempat memasak;

~ *pecah yu kenyang* prb dlm keadaan kacau (huru-hara) tentu ada orang yg mendapat keuntungan; *dr ~ turun ke sampan* prb (orang yg) turun pangkatnya (kedudukannya); *sepuluh ~ masuk, anjing bercawat ekor juga* prb orang yg tidak mengendahkan perubahan dan kemajuan.

**jong II; bintang** ~ gugusan bintang (juga disebut biduk).

**jongak** Kl; ~ *angak* melihat sesuatu dgn kehairanan.

**jongang** agak menonjol keluar (bkn gigi bahagian atas), tonggos.

**jongek** (jongék) sj tumbuhan (pokok yg besar), nyatuh putih, *Palaquium herveyi*.

**jonget** (jongét); **menjonget** melengkung ke atas (pd hujung atau tepi): *bibirnya ~.*

**jongkah** → **jongkang**.

**jongkaka** Kl orang yg mengangkat hidangan dlm majlis jamuan, pelayan jemputan, bentara.

**jongkang; ~-jangking** bercerangguh, congkah-cangkih; ~-*jongket* a) turun naik (papan, lantai rumah, dll) apabila dipijak; b) =

*permainan ~-jongket* sj permainan kanak-kanak (terdiri drpd papan panjang bergandar di tengah dan kedua-dua hujungnya boleh turun naik);

**menjongkang** menjongor ke atas (gigi dll).

**jongkar;** *~-jangkir* jongkang-jangking, congah-canggih;

**jongkar-jongkar** sl menikam dan mencabut balik berulang-ulang (keris dll).

**jongket** (jongkét); **menjongket, menjongket-jongket, terjongket** terangkat ke atas hujungnya (ekor dll): *anjing itu bertambah garang, ~ ekornya;*

**menjongketkan** menjadikan terjongket.

**jongkir** → **jongkar.**

**jongkok; berjongkok, menjongkok** 1. bercangkung, bertinggung: *duduk ~ (menjongkok);* 2. membongkokkan badan (hendak mengambil sesuatu dll): *ia menjongkok mengambil surat yg terletak di lantai;* 3. = **berjongkok-jongkok** Id, ki sangat merendahkan diri.

**jongkong I** sj perahu yg dibuat drpd batang kayu yg dilubangi (lebih besar drpd kolek); **jokong.**

**jongkong II** ketul logam (timah, besi, emas, dll) yg berbentuk bata.

**jongkong III** Kd sj kuih (dibuat drpd tepung beras dan dimakan dgn air gula).

**jongkong IV** jongkong sj tumbuhan (pokok) dlm famili Melastomaceae, medang tabak (Sabah), merabung (Sarawak), *Dactyloclados stenostachys.*

**jongol; berjongolan** tersembul-sembul;

**menjongol** menyembul: *kepalanya saja yg nampak ~ di atas permukaan air;*

**menjongolkan** menyembulkan, mengeluarkan (kepala dll dr lubang dll);

**terjongol** timbul atau tertonjol keluar sedikit: *kepalanya ~ sedikit dr mulut jendela*; **jengul**.

**jongor** muncung yg panjang (pd kumbang, ikan, dll): *~ babi*; *~ perahu* bahagian hadapan perahu yg panjang tirus;

**menjongor** menjengul.

**jongos** Id pelayan, orang gaji.

**jonjot** cekut, jemput;

**sejonjot** sejemput (kapas, tembakau, dll);

**menjonjot** mencekut, menjemput: *~ kapas*.

**jontoh** ark sj dongeng (bertalian dgn adat).

**joon**, Kl, Tr cuaca yg redup, mendung: *tidak dihiraukannya hujan rintik-rintik yg turun dr langit ~*.

**jopo** Kl; **berjopo** bertompok, bertimbun.

**joran**; *batang ~ tangkai pancing*; *~ (tongkat) ampai* sj tongkat yg dipakai utk mencari mata air (sumber minyak dll).

**joreng** (joréng) keping kecil (tanah, kain, kertas, dll);

**sejoreng** sekeping, secarik, sepotong;

**menjoreng** memotong (menghiris) sedikit.

**jori** sepasang (kuda yg dipasang di muka kereta dll).

**jorok I** Mn; **menjorok** menganjur (keluar atau ke dlm): *tanah yg ~ ke laut*;

**menjorokkan** menganjurkan, menjadikan menganjur.

**jorok II** Jk **1.** kotor, cemar; **2.** = **penjorok** pengotor.

**jorong I** bulat panjang: *pinggan ~*; *mangkuk ~*.

**jorong II** tempat sirih yg berbentuk bulat panjang: *~ emas dan ~ perak*.

**jorong III** cerobong, corong;

**menjorong** memasukkan sesuatu melalui corong; *menonton* *bagai diorong* masuk (keluar) satu demi satu (berturut-turut).

**jorong IV 1.** bahagian drpd buah dll yg membonggol; **2.** penjuru, sudut, pojok, kampung; *kepala* ~ Id ketua drpd bahagian sebuah kampung.

**joropo** (Muz) sj tarian masyarakat Venezuela.

**jose** (josé) C sj sutera.

**jota** (Muz) sj tarian masyarakat Sepanyol.

**jotos** Jw tinju;

**berjotos** bertinju; *jago* ~ orang yg kerjanya bertinju;

**menjotos** meninju;

**jotosan** pertandingan bertinju.

**joule** (Fiz) unit kerja atau tenaga, dgn simbol J (1J bersamaan dgn 1 watt per saat, 0.2388 kalori atau 0.738 kaki per paun).

**JP** kep Jaksa Pendamai.

**JPA** kep Jabatan Perkhidmatan Awam.

**JPJ** kep Jabatan Pengangkutan Jalan.

**JPM** kep Jabatan Perdana Menteri.

**JPN** kep Jabatan Pendaftaran Negara.

**JSM** kep Johan Setia Mahkota.

**jua 1.** hanya, tidak lain drpd, sahaja: *walau macam mana sekalipun, kita* ~ *yg kalah*; **2.** kata utk memperkuat perkataan yg mendahuluinya: *Zaini tunduk dan tidak berkata sepatah ~ pun*; → **juga**.

**juadah 1.** sj kuih yg dibuat drpd beras pulut dll; **2.** kuih atau penganan (secara umum); **3.** bekal (berupa makanan).

**juah** Kl → **jeruah**.

**juak I; juak-juak** hamba raja yg mengiringi raja atau membawa alat kebesaran, biduanda.

**juak II; berjuak** berlawan, berlumba, bertanding;

**menjuak 1.** memberangsangkan ayam sabungan (supaya berlaga lagi); **2.** ki menghasut (supaya berkelahi dll);

**penjuak** orang yg menjuak, penghasut; ~ *perang* penghasut perang.

**juak III Mn; menjuak** menganjur ke atas;

**menjuakkan 1.** menaikkan tinggi-tinggi: *juakkan kotak itu supaya dapat dilihat oleh semua orang*; **2.** ki menaikkan ke tempat atau ke taraf yg tinggi, memuliakan: *perjuangan setiap penyair ialah ~ karyanya ke tingkat kesenian yg tinggi.*

**juak IV Kl; berjuak** berjumpa dgn tiba-tiba.

**juak V Kl; berjuak-juak** berduyun-duyun.

**juak VI sj** tumbuhan (pokok kecil), mencabai, tangis sarang burung, *Heynea trijuga.*

**jual** bp = **berjual, menjual**; ~ *lagak* menunjuk-nunjukkan lagak, (berlagak) sombong; ~ *mahal* tidak mudah atau segera menerima atau menyetujui sesuatu; ~ *murah* a) menjual barang dgn potongan harga yg banyak; b) mudah atau lekas menerima atau menyetujui sesuatu; *harga* ~ harga barang tertentu yg dijual;

**berjual 1.** mencari rezeki (nafkah, pendapatan, dsb) dgn memperniagakan sesuatu, berniaga: *di Taiping banyak orang yg ~ nasi di tepi jalan*; **2.** Mn sudah (akan) dijual: *kain-kain tiada ~ lagi*;

**berjualan** (bkn beberapa atau ramai bilangan peniaga) berniaga, berdagang: *di situ ramai juga orang ~*;

**menjual** menukar barang dgn wang (memberi barang utk mendapat wang): *seorang pegawai Inggeris pernah melihat buku itu dan dimintanya aku ~ buku tersebut kepadanya*;

~ *akad* menjual dgn perjanjian; ~ *aksi* Id = ~ *lagak (tampang)* terlalu berlagak memperagakan diri; ~ *bangsa* mengkhianati



bangsa dan negara sendiri; ~ *bicara* = ~ *omong* Id pandai bercakap sahaja tetapi tidak berbuat apa-apa; ~ *diri* bp melacur; ~ *kepala* a) membuat sesuatu hanya utk faedah orang lain; b) menjadi askar sewaan; ~ *lepas* = ~ *mutlak* menjual tanpa sesuatu perjanjian (tidak boleh ditebus lagi); ~ *muka* = ~ *rupa* mencari nafkah dgn menunjukkan rupa kpd orang ramai; ~ *nama* menggunakan nama orang utk kepentingan sendiri dll; ~ *rugi* menjual barang dgn menanggung rugi;

~ *petai hampa* = ~ *tangkai cangkul sekah* = ~ *tangkai pangkur dedap* prb percakapan yg tidak ada kebenarannya, omong kosong; *dijual dahulu maka dibeli* = *telah dijual, maka dibeli* prb difikirkan dahulu masak-masak, barulah dikerjakan;

**menjual** acap kali menjual, banyak barang yg dijual;

**menjualkan** menjual sesuatu utk orang lain: *jikalau nenek hendak ke dlm, tolonglah jualkan beta cincin ini*;

**terjual 1.** sudah dijual: *semua barang dagangan di kedai itu habis* ~; **2.** sahaja hendak dijual;

~ *terbeli* prb Mn apa yg dikehendaki drpd orang lain hendaknya berani pula dikerjakan sendiri;

**jualan 1.** barang-barang yg dijual, dagangan: *hasil tanamannya adalah utk* ~; **2.** berjualan;

~ *garaj* jualan barang-barang peribadi yg sudah digunakan, di kawasan rumah seseorang (biasanya di garaj); ~ *lambak* jualan pelbagai barang, biasanya dgn harga yg murah; ~ *langsung* jualan sesuatu barangan secara terus oleh pengedar kpd pengguna; ~ *lelong* jualan sesuatu barangan dgn harga yg sangat murah, biasanya si penjual memanggil-manggil pelanggan; ~ *murah* jualan barang-barang dgn tawaran potongan harga yg agak banyak; ~ *penghabisan stok* jualan yg dilakukan utk

menghabiskan stok barang di sesebuah kedai, pasar raya dsb, biasanya dgn harga yg lebih murah drpd harga biasa; ~ *singkat* (Eko) jualan saham yg dilakukan oleh penspekulasi utk saham yg tidak dimilikinya bagi tujuan mendapatkan keuntungan; ~ *tender* jualan barang dsb dgn cara membuat tawaran harga;

**penjualan** **1.** perbuatan (kerja) menjual: *ada kemungkinan ~ candu akan dihalalkan oleh kerajaan*; **2.** Id tempat menjual: ~ *karcis (garam dll)*;

**penjual** orang yg menjual sesuatu: ~ *akhbar*; ~ *bangsa* pengkhianat kpd nusa dan bangsa; *menteri* ~ ark pegawai negeri yg diberi tugas menjual candu.

**juala**; *rumpun* ~ sj tumbuhan (herba), *Bidens pilosa*.

**jual beli** (urusan) menjual dan membeli barang (antara peniaga atau penjual dan pembeli);

**berjual beli** menjual dan membeli barang-barang, berniaga, berdagang;

**memperjualbelikan** menjual dan membeli, memperdagangkan: *di negeri ini tidak dibenarkan ~ candu*.

**juandang** ark; *bujang* ~ orang halus yg boleh mendatangkan untung baik atau buruk kpd orang yg berjudi (bertaruh dll).

**juang**; *semangat* ~ semangat utk berjuang demi mencapai, mendapatkan atau memperoleh sesuatu (kejayaan, kemenangan dsb): *semangat ~ yg tinggi dapat membantu mengatasi halangan itu*;

**berjuang** **1.** berlaga antara satu dgn lain (bkn binatang yg besar-besar), berlanggaran, berlawan; **2.** hendak mencapai atau mengatasi sesuatu dgn jalan beradu tenaga (kekuatan, kuasa, dsb) dgn pihak atau unsur yg menentanginya atau boleh memudaratkannya: *rakyat Asia dan Afrika sedang ~ mati-matian utk merebut kemerdekaan drpd penjajah*;

*gajah sama gajah ~, pelanduk mati di tengah-tengah prb kalau orang besar-besar berselisih, rakyat juga yg mendapat susah;*

**berjuangkan** sl melagakan, melanggar: *segala orang yg bergajah, ~ gajahnya dan segala yg berkuda, bergigitkan kudanya;*

**menjuang** sl melanggar, menyerang: *musuh mana akan datang, mana tebing akan runtuh, atau kubu akan dijuang;*

**memperjuangkan** hendak memperoleh sesuatu dgn berjuang: *mereka mogok kerana hendak ~ gaji yg lebih tinggi;*

**perjuangan** perihal berjuang utk merebut (mencapai, mempertahankan) sesuatu: *kita semestinya tidak lupa akan peranan guru Melayu dlm ~ kebangsaan sejak sebelum merdeka dahulu;*

**seperjuangan** sama-sama berjuang: *kawan ~ ;*

**pejuang** orang yg berjuang (utk merebut, mencapai, mempertahankan sesuatu): *ia seorang ~ bangsa yg senantiasa dicurigai oleh pihak Inggeris;*

*~ kebebasan* orang yg berjuang utk membebaskan diri, tanah air dsb drpd belenggu, cengkaman, penindasan dsb penjajah atau kuasa asing; *~ kemerdekaan* orang yg berjuang utk mendapatkan kemerdekaan tanah airnya.

**juang-juang** **1.** sj tumbuhan (herba), lenjuang (bukit), senjuang, *Dracaena congesta*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), lenjuang, senjuang, *Cordyline fruticosa*.

**juar**; *daun* ~ sj tumbuhan (pokok), *Oroxylum indicum*; **johar II.**

**juara I 1.** pemimpin dan peleraikan di gelanggang sabung, juruadu; *~ ayam jurusabung* (yg menjaga serta melatih) ayam; **2.** orang yg memimpin sesuatu majlis jamuan dll; **3.** johan (dlm pertandingan dll): *~ Piala Thomas*; *~ anggar johan* permainan anggar; *~*

*bersama* pemenang yg menjadi johan bersama dgn pemenang lain (kerana kedua-duanya mendapat mata dsb yg sama); ~ *bertahan* = ~ *menanti* orang yg memegang sesuatu kejohanan dan kini bertanding utk mempertahankan kejohanannya; ~ *dikir* Kl tukang karut dan tukang lagu dlm dikir barat; **4.** ahli dlm sesuatu permainan dll: *dia memang ~ fasal pakaian*; **5.** orang kedua penting dlm persembahan dikir barat yg tugasnya memulakan dikir barat dlm keadaan duduk dan diikuti oleh awak-awak;

*adat ~ kalah menang* prb dlm setiap usaha mesti terdapat kalah menang (untung rugi); *bersahabat dgn ~*; *selilit benang bulang tahu juga* prb kalau bercampur dgn orang jahat akhirnya kita menjadi jahat pula;

**menjuarai 1.** menjadi juara, menjadi johan: *kali terakhir Malaysia ~ Piala Thomas ialah pd tahun 1992 di Kuala Lumpur*; **2.** memperjuangkan (mempertahankan, menyokong, dsb) dgn sesungguhnya: *terlampau ramai ahli politik yg terpaksa ~ kepentingan kaum sendiri; dia pun telah menjadi pengusaha dan pedagang di samping mengaku menjadi orang politik yg seratus peratus ~ nasib rakyat*;

**kejuaraan 1.** kehandalan (dlm sukan dll), keunggulan; **2.** pertandingan utk menentukan johan, kejohanan: *pasukan Selangor telah memenangi ~ bola sepak Malaysia*.

**juara II**; *ikan ~ sj ikan sungai, Pangasuis spp.*

**jubah** Ar sj baju panjang cara Arab (dipakai oleh haji, paderi, hakim, dll);

**berjubah** memakai jubah: *orang lelakinya ada yg berketayap dan ~.*

**jubal** sj ikan laut, *Polynemus tetradactylus*.

**jubel** Id; **berjubel, berjubel-jubel** sangat penuh.

**jubin** kepingan (biasanya berbentuk segi empat) drpd tanah liat bakar utk menutupi dinding, lantai, dll.

**jublek** Jk; **menjublek** tercengang, tertegun.

**jubli** perayaan utk memperingati ulang tahun sesuatu peristiwa (hari perkahwinan, hari pertabalan raja, dll);

~ *emas* perayaan memperingati ulang tahun yg kelima puluh; ~

*intan* perayaan memperingati ulang tahun yg keenam puluh; ~

*perak* perayaan memperingati ulang tahun yg kedua puluh lima.

**jubung** → **jerubung**.

**jubur** → **dubur**.

**judas, judes** Jk **1.** tajam mulut, suka memfitnah; **2.** lekas marah, bengis.

**judi** permainan dgn memakai wang dll sbg taruhan (main ceki, main dadu, dll);

~ *karan* sj permainan judi yg memakai kuasa elektrik (nombor ditunjukkan oleh bola yg mengenai keping-keping besi); ~ *tikam ekor* taruhan yg ditikam pd tiga (atau empat) angka terakhir drpd

nombor loteri lumba kuda; ~ *wawei* sj permainan judi dgn menikam pd salah satu drpd tiga puluh enam jenis gambar binatang; *main* ~ = **berjudi**;

**berjudi** bermain dgn memakai wang dll sbg taruhan: *hampir tiap-tiap malam dia pergi ke kelab itu utk* ~ ;

**menjudikan, memperjudikan** **1.** menggunakan wang dll sbg taruhan dlm permainan judi, mempertaruhkan: *duit yg aku beri itu habis dijudikannya*; **2.** meletakkan dlm keadaan yg boleh menimbulkan bahaya atau mudarat, mempertaruhkan: *ada golongan rakyat yg memperjudikan hidup mereka dan kewarganegaraan mereka dgn memperjuangkan ciri hidup asing dr luar*; ~ *nyawa*;

**perjudian** **1.** hal atau perbuatan berjudi; **2.** tempat berjudi;

**penjudian** hal atau perbuatan menjudikan;

**penjudi** orang yg suka main judi.

**judo** (Jepun) sj permainan spt gusti (utk mempertahankan diri);

**berjudo** mempertahankan diri dgn judo, bermain judo: *sejak dulu lagi dia sudah pandai ~ dan bersilat.*

**judul** tajuk (karangan, majalah, buku, drama, dll): *drpd ~ cerpennya sahaja sudah dapat kita menangkap isi yg hendak dikisahkannya;*

**berjudul** bertajuk: *filem arahan Hussain Haniff yg terbaru ~ Kalung Kenangan;*

**berjudulkan** mempunyai sesuatu sbg judul;

**menjuduli** menjadi judul kpd.

**juek** (juék) Mn ark; **juek-juek**; *tali ~ tali-temali* yg direntangkan di sawah utk menghalau burung yg hendak memakan padi; *menegakkan ~ sesudah menyabit* prb sesudah selesai melakukan sesuatu pekerjaan, baharu teringat tentang cara yg baik utk mengerjakannya.

**juga** **1.** (digunakan utk menyatakan keadaan yg sama atau serupa) pun: *ada ~ orang yg tahu perkara itu; badannya tegap, adiknya ~ demikian;* **2.** (digunakan selepas kata sifat) agak: *gadis itu cantik ~, tetapi tidaklah secantik emaknya;* **3.** (digunakan utk menunjukkan perulangan) lagi: *dulu saya yg menolongnya, sekarang saya ~ yg menolongnya;* **4.** (digunakan utk menunjukkan perbuatan terus-menerus) terus: *walaupun dilarang dia masih ketawa ~; Chia telah mati di situ ~;* **5.** (digunakan utk menunjukkan tolak ansur) meskipun, walaupun: *sesiapa ~ yg datang, saya mengalu-alukannya;* **6.** (biasanya digunakan selepas kata penghubung *tetapi* atau *atau* utk menunjukkan tokokan): *kamu bukan sahaja mesti belajar dgn tekun tetapi ~ mesti berbaik-*

*baik antara satu sama lain; 7. (digunakan bersama dgn pun sbg penegas): saya berpuasa, dia pun berpuasa ~; jua.*

**jugel; menjugel** melambung-lambungkan beberapa objek spt bola dsb berulang-ulang dan menyambutnya dgn cekap dan pantas: *dia memang cekap ~ ketiga-tiga biji bola itu;*

**penjugel** orang yg menjugel.

**juih; menjuih, terjuih** (bkn bibir bahagian bawah dll) menganjur ke bawah: *Si Angguk tersekat-sekat bersuara sambil mulutnya ~ menahan kesakitan;*

**menjuihkan** menjadikan terjuih, menganjurkan (bibir) ke bawah: *dia ~ bibir.*

**juita 1.** nyawa, buah hati, kekasih: *~ku; 2.* cantik, elok: *emas ~ ; ratna ~.*

**jujai; berjujai** sl tidak putus-putus, tidak berhenti-henti (hujan, orang yg pergi atau datang, dll).

**jujat** sl fitnah, celaan, umpat.

**jujitsu** seni pertahanan diri orang Jepun dgn hanya menggunakan berat badan dan kekuatan musuh itu sendiri utk menundukkannya.

**juju; menjuju** menuju, menghala;

**menjujukan** menunjukan, menghalakan, membidikkan.

**jujub** sj gula-gula yg seakan-akan jeli, berperisa dan kadangkala berubat utk melegakan sakit tekak.

**jujuh I; berjujuh, menjujuh** mengalir dgn tidak putus-putus (hujan, air mata, dll).

**jujuh II** Kd masa buah-buahan gugur dgn banyak (pd satu-satu musim).

**jujuk** Kl; **berjujuk, berjujuk-jujuk** beratur, berbanjar, berduyun-duyun;

**berjujukan** berderetan mengikut susunan (masa atau tempat): *pencapaian konsep dan ekstrapolasi yg ~;*

**jujukan** urutan, rentetan, susunan: *perisian merupakan sekumpulan ~ arahan atau atur cara yg akan melaksanakan operasi komputer.*

**jujur I** lurus hati, tulus, ikhlas: *orang yg ~ tidak akan berani menikam dr belakang spt kau;*

**kejujuran** perihal jujur, kelurusan hati, keikhlasan: *dia masih ragu-ragu tentang ~ anak muda yg baru dikenalnya itu.*

**jujur II;** *wang ~ wang yg diberikan oleh pengantin laki-laki kpd orang tua pengantin perempuan;*

**menjujuri** membayar (memberi) wang jujur kpd;

**jujukan** wang jujur.

**jujut; berjujut-jujukan** tarik-menarik (tali dll), renggut-merenggut;

**menjujut 1.** menarik; **2.** Kl menghisap (darah dll), menghirup (minuman).

**juk** Tr sejenis jerat babi.

**juku-juku** sj kura-kura, kura-kura kepala besar, *Orlitia borneensis*.

**jukut** (Sunda) ark rumput.

**julah;** *akar ~ sj tumbuhan (akar memanjat), Gnetum silvestre.*

**julai II** ranting (kayu) yg hujung sekali, carang;

**berjulai, berjulai-julai, menjulai, terjulai** berjuntai(-juntai).

**Julai I** bulan ketujuh dlm tahun Masihi yg mengandungi 31 hari.

**julang; menjulang 1.** mengangkat ke atas: *kapal itu sedang dijulang dan dihempas gelombang; 2.* mendukung (anak dll) di atas bahu: *setibanya sahaja di rumah, dia terus mengangkat dan ~ anaknya; 3.* membumbung tinggi, meninggi: *api dr rumah yg terbakar itu ~ sehingga ke puncak atapnya; 4.* ki menjunjung tinggi, menyanjung, amat menghormati: *Churchill seorang pemimpin yg dijulang tinggi oleh rakyat Inggeris;*

**julangan** tolakan ke atas;



**penjulang** orang atau sesuatu yg menjulang: ~ *baginda pun sudah bersedia; kayu ~ yg diperbuat drpd kayu perian.*

**julap** sj ubat utk mencuci perut, pencahar.

**julat 1.** sl ukuran panjang (masa) yg tidak tentu besarnya (lamanya); *se~perahu* sepanjang perahu; **2.** lingkungan antara dua had (yg dinyatakan dgn angka): ~ *suhu tahunan Malaysia adalah antara 27°C hingga 32°C;*

**menjulat 1.** mencapai sejauh; **2.** menjulang (api dll), menjilat;

**penjulat** alat pd senapang, kamera dsb yg menentukan jarak sasaran atau objek dr penembak, jurufoto dsb;

**sepenjulat** sejauh; ~ *mata* sejauh mata memandang; ~ *peluru meriam* sejauh peluru meriam boleh sampai.

**juling** (bkn mata) terpesong sedikit atau tidak di tengah-tengah kedudukan mata hitamnya: *matanya ~ sedikit;*

~ *air* = ~ *bahasa* juling sedikit (dianggap sbg salah satu sifat kecantikan); ~ *itik* memandang dgn kepala tersenget sedikit;

**menjulingi** mengerlingi, melirikkan (mata) pd;

**kejulungan** perihal atau keadaan juling: ~ *jenis ini berkaitan dgn gangguan keupayaan melihat sesuatu dgn kedua-dua belah mata.*

**julir** sj tempuling (utk menombak ikan).

**julo** pengumpulan wang oleh beberapa orang utk diundikan antara mereka, arisan, kutu;

**berjulo-julo** mengadakan kutu.

**juluk** Kl sj rumput yg tumbuh dlm air.

**julukan** = *nama* ~ nama yg diberi sbg ejekan dsb.

**julung I 1.** pertama, utama; *warna* ~ warna utama; **2.** belum ada lagi sebelumnya, mulai, baharu;

*gadis* ~ *bersubang* = *bujang* ~ *berkeris* prb orang yg sangat berlagak (kerana baru mendapat kekayaan atau dinaikkan pangkat);

**julung-julung** mula-mula, pertama-tama; *buah* ~ buah yg mula-mula; ~ *kali* = ~ *sekali* ark pertama sekali, mula-mula sekali, buat pertama kali.

**julung III** Jw (orang yg) mempunyai nasib yg buruk sejak lahir lagi (spt akan dibunuh dll).

**julung-julung I**; *ikan* ~ **1.** sj ikan laut, *Hemiramphus spp.*; **2.** sj ikan darat, *Xenentodon canciloides*.

**julung-julung II** sj tumbuhan, jenjulung.

**julur I**; ~-*jalar* Id keluar masuk, pergi balik;

**menjulur** menganjur keluar (lidah dr mulut dll), belunjur (kaki dll): *ular sawa itu ~ keluar dr lubang di bawah tangga itu*;

**menjulurkan** mengeluarkan dgn menganjurkan ke hadapan: *gadis itu ~ kepalanya di tingkap*;

**terjulur** menjulur dgn tiba-tiba, sudah dijulurkan.

**julur II** Mn; **menjulur** menjalar, merayap.

**jum** Pn marilah: "*~ kita tidur*". *Ayah menghulurkan tangannya*.

**Jumaat** Ar **1.** hari keenam dlm seminggu, selepas hari Khamis; *sembahyang* ~ sembahyang beramai-ramai (tidak kurang drpd 40 orang) pd waktu zohor di masjid (surau dll) pd hari Jumaat; **2.** minggu, pekan; *dua* ~ dua minggu;

**berjumaat** bersembahyang Jumaat.

**jumantan, jumanten** sl zamrud.

**jumantara** sl langit, udara, cakerawala.

**jumbai** rumbai;

**berjumbai, berjumbai-jumbai** berumbai-rumbai, berjurai-jurai;

**berjumbaian** berumbaian, berjuraian;

*ada ~ air dgn ... prb Mn ada kena-mengena dgn ...;*

**terjumbai** terjurai; **jerumbai**.

**jumbil** gelambir.

**jumbo** luar biasa besarnya, sangat besar: *jet ~; jualan ~.*

**jumbul; terjumbul-jumbul** terapung-apung, terkatung-katung.

**jumhur** Ar orang ramai; *~ ulama* kebanyakan ulama.

**jumjumah** Ar, sl tengkorak.

**jumlah 1.** campuran drpd beberapa bilangan menjadi satu bilangan besar: *~ kerosakan ditaksirkan lebih drpd lima ratus ribu ringgit;*

**2.** banyaknya, bilangannya: *~ wang yg diberi itu tidak memadai;*

**sejumlah 1.** sebanyak (yg dinyatakan): *kerajaan telah membelanjakan ~ RM3 juta utk membina bangunan itu;* **2.**

sebilangan (yg tidak dinyatakan jumlahnya): *~ besar penduduk negara ini beragama Islam;*

**berjumlah** mempunyai jumlah: *hutangnya di kedai itu ~ dua ratus ringgit;*

**menjumlah** membuat kira-kira campur;

**menjumlahkan** mencampurkan bilangan-bilangan menjadi satu: *jika dijumlahkan semuanya wang itu cukup utk membeli sebuah rumah;*

**terjumlah 1.** terkumpul, telah dicampurkan; **2.** termasuk dlm bilangan, terhitung: *keluarganya ~ dlm golongan orang yg berada;*

**terjumlahkan** terkumpulkan, tercampurkan; *tidak ~* tidak terkira (terhitung);

**penjumlahan** perihal atau perbuatan menjumlahkan.

**jumpa; berjumpa** (pergi) menemui seseorang (di suatu tempat): *mereka hendak ~ dgn Guru Besar;*

**menjumpai** berjumpa dgn: *polis ~ sebilah parang di belakang rumah mangsa pembunuhan itu;*

**memperjumpakan** mempertemukan;

**terjumpa** menjumpai sesuatu secara kebetulan (tidak sengaja): *kalau ~ benda-benda ganjil, jangan sekali-kali engkau ambil;*

**jumpaan 1.** perihal menjumpai, penemuan; **2.** benda yg dijumpai: *suatu isotop karbon dapat menentukan tarikh fosil dan ~ purba lain;*

**perjumpaan** perihal berkumpul atau berhimpun (dlm mesyuarat, majlis keramaian, dsb), pertemuan: *~ itu diadakan dlm suasana ramah-tamah;*

**penjumpaan** perihal atau perbuatan menjumpai, penemuan.

**jumpalit** Jk; **berjumpalit, berjumpalitan** berguling-guling dgn kepala di bawah.

**jumpelang 1.** kayu melengkung tempat berdiri kaki kerusi (supaya kerusi dapat berayun ke hadapan dan ke belakang); **2.** (Kej) besi yg melengkung yg terdapat dlm jentera dll.

**jumpul** Jw; *ikan (belanak) ~ sj ikan laut, jempul, *Mugil planiceps*.*

**jumput** Jk; **menjumput** menjemput, memungut, mengambil.

**jumud** Ar beku, kaku, kolot;

**menjumudkan** menjadikan sesuatu (konsep) jumud: *~ pemikiran masyarakat;*

**kejumudan** perihal (keadaan) jumud, kebekuan, kekakuan: *kelesuan dan ~ tradisi ilmu.*

**Jun I** bulan keenam dlm tahun Masihi yg mengandungi 30 hari.

**jun II** Jw buyung.

**junam; menjunam** bergerak dgn kepala dahulu mengarah ke bawah, menukik: *sekonyong-konyong kapal terbang itu ~ menghala ke kapalnya;*

**menjunamkan** 1. melayangkan (menerjunkan) arah ke bawah atau menyerang ke bawah, menukikkan: *juruterbang itu ~ kapal terbangnya ke arah kapal terbang musuh*; 2. membenamkan: *kalau puntung berbara dijunamkan ke dlm tabung berisi hidrogen, ia akan meletus menyala*;

**terjunam** menjunam dgn tidak sengaja: *kapal terbang itu jatuh ~ ke dlm laut*.

**jundai; sijundai** Mn ilmu sihir yg dapat menggilakan orang (orang yg kena sihir itu beryanyi-nyanyi);

**bersijundai** beryanyi-nyanyi tanpa sedarkan diri.

**jungat** Jk; **menjungat** terjongket pd bahagian hadapan atau belakang: *kapal ~*.

**junggang**; *~jungkit* bergerak-gerak turun naik, jongkang-jongket.

**jungkal** Jk; **menjungkalkan** 1. menggulingkan; 2. ki mengalahkan, menjatuhkan;

**terjungkal** terguling, terjatuh; *~ balik* terguling-guling.

**jungkar; menjungkar** kelihatan keluar tercokeng.

**jungkat** bergerak ke atas (kalau dipijak dll);

*perempuan ~ perempuan gatal; ~jungkit* bergerak turun naik;

**terjungkat** terjongket ke atas;

**jungkatan; jambatan** *~ jambatan* yg dapat diangkat.

**jungkel** Jk → □ **jungkal**.

**jungkir = jungkir balik**;

**menjungkir, terjungkir** terbalik (dgn kepala ke bawah);

**menjungkirkan** menterbalikkan (dgn kepala ke bawah).

**jungkir balik** jatuh terbalik (kepala di bawah), menjengkolet;

**menjungkirbalikkan** menyebabkan terjungkir.

**jungut** Mn tanah (gunung) yg menganjur.

**junior** 1. lebih muda, khususnya antara adik-beradik, ibu bapa dgn anak-anak, atau antara rakan-rakan di sekolah; 2. berpangkat (berkedudukan) lebih rendah dlm sesebuah organisasi: *dlm Bahagian Perkamusan, dia lebih ~ drpd Azizah.*

**juniper** sj pokok renek malar hijau drpd genus *Juniperus* yg buah berinya menghasilkan minyak yg dapat digunakan dlm ubat dan sbg perisa dlm gin.

**junjung** kayu, buluh dsb yg menopang tanam-tanaman yg memanjat atau menjalar spt sirih, kacang panjang dsb: ~ *sirih*;

**menjunjung** 1. membawa sesuatu di atas kepala: *perempuan tua itu ~ bakul yg berisi padi*; 2. mematuhi (titah dll), menurut: *patik ~ titah tuanku*; 3. amat menghormati, memuliakan, amat menghargai: *mesej yg bersifat kemanusiaan, ~ nilai-nilai moral dan spiritual*; ~ *duli* = ~ *kaki* memberi khidmat kpd raja; ~ *tinggi* sangat menghargai;

~ *sangkak ayam* prb Mn mendapat malu; *dijunjung merekah kepala, dipikul meruntuh bahu* prb hukuman (aturan, perintah) yg sangat berat dan keras; *kerja raja dijunjung, kerja kita dikelek* prb lebih mementingkan kerja orang lain drpd kerja sendiri;

**menjunjungkan** mengangkat sesuatu ke atas kepala seseorang (utk dibawa);

**junjungan** 1. benda yg dijunjung; 2. orang yg dimuliakan (khusus utk Nabi Muhammad SAW); 3. Mn suami; 4. galah tempat pokok menjalar atau memanjat, jalaran, junjung;

**berjunjungan** bersuami;

**perjunjungan** = ~ *duli* perihal menjunjung *duli*.

**junta** majlis (terdiri drpd beberapa orang) yg mentadbirkan negeri.

**juntai**; **berjuntai** bergantung bergerak-gerak atau berayun-ayun: *kakinya ~ ke bawah*;

**berjuntaian** berjuntai-juntai: ~ *tandan pisang itu*;

**menjuntaikan** menghulurkan supaya bergantung: *sambil itu dia ~ kakinya ke pelantar dapur*;

**terjuntai** tergantung atau terjulur ke bawah;

**juntaian** sesuatu yg berjuntai: *di hadapan ~ kakinya*.

**juntrung** Jk; **juntrungan** aturan, pendirian.

**junub** Ar keadaan tidak suci yg disebabkan oleh hadas besar, mis keluar mani (baik dgn bersetubuh ataupun tidak), haid dll; *mandi ~ mandi* utk menyucikan tubuh drpd hadas besar.

**junun** Ar ark gila, tidak siuman; → **majnun**.

**jura** → **jurah**.

**juragan** 1. nakhoda (kadang-kadang juga pemilik kapal); 2. (Sunda) tuan, puan; 3. Jw pengusaha (terutama batik).

**jurah** ark; **menjurah** membongkok (utk memberi hormat, menyembah, dll).

**jurai** 1. jalur (kain dll) yg panjang, lajur: *rangka bentuk dibuat drpd ~ besi tuang yg tebalnya 1/4"*; 2. ikat benda yg terjuntai (spt benang, rambut, dll); 3. susunan yg berturut-turut, rangkaian: *Haeckel telah menyelidiki ~ keturunan alam haiwan; ~ keturunan raja-raja; ~-jemarai* jatuh bertitik-titik: *hujan panas ~-jemarai*;

**berjurai** 1. mempunyai jalur (bahagian yg berjalur): *tegakkan di atas kuburku bendera ~ dua, sejurai hadapkan ke rumah marhum ibuku, sejurai hadapkan ke laut*; 2. = **berjurai-jurai, terjurai** berumbai-rumbai, berjumbai-jumbai: *pokok itu diselaputi urat yg ~*; 3. = **berjurai-jurai, berjuraian** jatuh bertitik-titik, berderai-derai (bkn air mata, peluh);

**menjurai** Kl memotong (kuih dll) dgn memanjang;

**juraian** sesuatu yg terjuntai: *dia merengus dan jemarinya menyirati ~ rambut separas bahu*.

**jurai-jurai** sj tumbuhan (pokok), pokok gajah beranak, putat nasi,  
*Barringtonia spicata*.

**juran** Kl hiris; *se~* sehiris.

**jurang** **1.** lembah yg dalam, lurah; **2.** ki = ~ *kehidupan* kehidupan yg susah, kemelaratan; **3.** ki perbezaan yg memisahkan sesuatu dgn sesuatu yg lain: *dlm masyarakat lain juga, ~ antara praktik dan ideal selalu wujud; ~ generasi* jurang atau perbezaan yg membezakan satu generasi dgn generasi yg lain.

**juri** **1.** sekumpulan orang yg dilantik utk memutuskan sesuatu kes (berdasarkan fakta dan keterangan) yg dibicarakan di mahkamah; **2.** sekumpulan orang yg tugasnya mengadili sesuatu pertandingan, misalnya pemberian anugerah, utk menentukan pemenangnya: *ahli ~;*

**berjuri** menggunakan khidmat juri: *Jepun tidak mengamalkan perbicaraan ~ dan hakim menentukan keputusan bicara serta menjatuhkan hukuman.*

**jurik** Jk hantu.

**juring I** ulas, pangsa;

**sejuring** **1.** sepangsa, seulas; **2.** Ki sebahagian, sepotong (kata-kata dsb): *dgn jalan ini sajalah aku dapat mengembalikan ~ kebahagiaanku yg telah hilang;*

**juringan** juring.

**juring II** Kl birai (bucu) yg tajam.

**jurisprudens** kajian tentang prinsip undang-undang.

**jurit** Jw ark perang; → **perajurit**.

**jurnal** **1.** terbitan atau majalah berkala yg khusus bagi sesuatu perkara, profesion, atau bidang tertentu; **2.** akhbar harian atau mingguan; **3.** buku catatan harian tentang peristiwa-peristiwa yg berlaku.

**jurnalis** IB wartawan.



**jurnalisme** pekerjaan mengumpulkan, menulis, dan menerbitkan berita dlm surat khabar, majalah, radio, dan televisyen, kewartawanan.

**jurnalistik** berkaitan dgn kewartawanan atau persuratkhabaran.

**jurur I** orang yg mempunyai keahlian dlm sesuatu perkara (biasanya dipakai dlm kata majmuk dan dieja bersambung sbg satu perkataan), ahli;

**kejuruan** kepandaian yg khas, keahlian.

**jurur II** ark; **menjurur** menjuruk; → **penjurur**.

**jurucara** orang yg memimpin sesuatu acara (pertunjukan aneka ragam, majlis, dll).

**juruanalisis** orang yg terlatih dan mahir dlm menganalisis sesuatu, penganalisis; ~ *sistem* orang yg terlatih utk menganalisis keperluan sesuatu tugas atau projek dan dapat mengatur segala keperluan yg berkenaan dlm suatu sistem atau bentuk yg memungkinkan perkakasan dan perisian komputer digunakan utk melaksanakan projek tersebut.

**juruanimasi** orang yg ahli dlm membuat filem berbentuk animasi.

**juruaudit** orang yg terlatih dlm kerja-kerja mengaudit akaun.

**juruzan** orang yg kerjanya melaungkan azan (bang), jurubang, bilal, tukang bang.

**jurubahasa** orang yg menterjemahkan kata-kata atau percakapan orang lain.

**jurubang** juruzan, bilal, tukang bang.

**jurubank** tuan punya (pengurus atau pegawai tinggi) bank.

**jurubatu** anak buah perahu yg tugasnya mengukur dalamnya laut.

**juruberita** pemberita.

**jurubicara** orang yg tugasnya memberi keterangan rasmi dll kpd orang ramai, jurucakap.

**jurubina** orang yg berkelayakan utk mereka bentuk bangunan dan menyelia pembinaannya, arkitek.

**jurucerakin** ahli kimia yg kerjanya membuat penyelidikan di makmal.

**jurudalam** K1 tukang perhiasan di rumah orang besar-besar.

**jurudapur** tukang masak.

**juruelektrik** (juruéléktrik) orang yg terlatih utk membuat kerja berkaitan dgn pemasangan atau pembaikan dsb alat-alat elektrik.

**jurugambar** orang yg kerjanya mengambil gambar, tukang gambar, jurufoto.

**jurugas** orang yg tugasnya memeriksa meter gas, menyelenggarakan radas gas domestik dsb.

**jurugegas** orang yg mahir memasang atau melaraskan bahagian-bahagian mesin dsb.

**juruhebah** (juruhébah) **1.** orang yg menyeru atau menyerukan (menyebarkan) sesuatu; **2.** orang yg kerjanya menyiarkan berita dll atau menghebahkan rancangan di radio (televisyen dsb), penyiar.

**juruhias** orang yg pakar (mahir) melakukan kerja membuat hiasan, penghias; ~ *dalaman* orang yg pekerjaannya mereka bentuk cara menghiasi ruang dalaman sesebuah bangunan (rumah) dgn memilih warna atau perabot yg sesuai dll.

**juruiklan** orang atau syarikat yg mengendalikan khidmat pengiklanan sesuatu produk dsb.

**jurujual** orang yg kerjanya menjual atau meluaskan penjualan barang dagangan sesuatu perusahaan;

**kejurujualan** kemahiran dlm teknik melakukan kerja jualan.

**jurukaki** sl pesuruh, bentara.

**jurukamera** (jurukaméra) orang yg kerjanya mengambil gambar atau filem utk surat khabar (televisyen, filem, dsb).

**jurukater** jurusaji.

**jurukelat** anak perahu yg kerjanya memegang tali kelat.

**jurukerah** sl jawatan yg di bawah batin.

**juruketik** Id jurutaip.

**jurukhat** orang yg mahir dlm seni khat.

**jurukira** orang yg pakar dlm hal kira-mengira.

**jurukunci** **1.** orang yg memegang kunci (tempat keramat dll); **2.** Id pemenang dlm sesuatu pertandingan yg menduduki tempat yg terakhir.

**jurulatih** orang yg melatih orang lain (spt ahli sukan dll) supaya mahir;  
**kejurulatihan** yg berkaitan dgn jurulatih dlm segala aspeknya: *di manakah salahnya yg menyebabkan kekalahan ini ataupun sistem ~ yg menjadi puncanya.*

**jurulayar** anak buah perahu (kapal) yg menjaga layar.

**jurulelang** (jurulélang) Id jurulelong.

**jurulelong** (jurulélong) orang yg mengurus lelong.

**jurulito** orang yg mencetak buku dgn cap batu.

**jurumasak** tukang masak.

**jurumesin** (jurumésin) orang yg mengurus (membaiki dll) mesin.

**jurumudi** anak buah perahu (kapal) yg menjaga kemudi.

**jurunikah** orang yg bertauliah utk menikahkan pasangan yg ingin berkahwin.

**jurupulih** orang yg tugasnya memulihkan seseorang atau sesuatu (anggota, cara kerja dll); ~ *anggota* orang yg pakar dlm memulihkan anggota badan, mis melalui terapi, mengurut dsb.

**jurupustaka** Id orang yg memimpin serta mengurus perpustakaan, pustakawan.

**jururadiografi** orang yg terlatih dan mahir mengendalikan teknik radiografi.

**jururawat** orang (lazimnya perempuan) yg kerjanya merawat orang sakit (di hospital);

**kejururawatan** hal yg berkaitan dgn (pekerjaan, tugas, urusan, dsb) jururawat: *buku ~ psikiatri itu sedang dicetak.*

**jurureka** (jururéka) orang yg ahli (mahir) dlm mereka sesuatu, pereka.

**jururias** orang yg mempunyai kemahiran merias (mendandan) orang lain.

**jurus I; sejurus** sebentar, sekejap, sejenak; ~ *kemudian sekejap kemudian;*

**berjurus-jurus** beberapa jenak (lamanya): *Noor pun berkata sesudah ~ tinggal membisu.*

**jurus II** lurus, terus, langsung, tegak;

**berjurus-jurus** bersambung-sambung, tidak henti-hentinya, terus-menerus: *Maskam ~ termenung pd malam itu;*

**menjurus** mengarah, menuju (terus ke atau kpd), tertumpu kpd: *kita harus memilih aspek yg khusus supaya perbincangan kita ~ kpd satu arah sahaja;*

**menjuruskan** mengarahkan, memajukan, mendorongkan (mendesak terus), menumpukan: *akibatnya mereka ~ semua nilai moral, estetika, dan keagamaan ke jurang cita rasa;*

**jurusan 1.** arah, tujuan: *kapal terbang itu datang dr ~ Singapura; mereka berjalan ke satu ~;* **2.** bahagian pengajian (ilmu pengetahuan): *dia mengambil kursus dlm ~ ekonomi; sekolah aneka ~;*

**penjurusan** proses menjuruskan (menjurus kpd) sesuatu (bidang, aliran fikiran, dll): *~ dlm bidang agama.*

**jurus III** Kl; **berjurus 1.** berbudi bahasa, berkelakuan baik; **2.** bersungguh-sungguh.

**jurusaji** (ERT) orang yg menyediakan dan menyajikan makanan utk sesuatu majlis.

**jurusawat** orang yg mengurus (membaiki dll) pesawat atau mesin.

**juruselam** **1.** orang yg kerjanya menyelam ke dlm air (utk mencari mutiara dll); **2.** orang yg menyelam ke dlm air utk mendengar bunyi ikan (biasanya dia juga menjadi pemimpin dlm sesuatu kelompok orang yg menangkap ikan).

**jurusemboyan** orang yg tugasnya menghantar dan menerima isyarat, terutamanya dlm angkatan tentera darat dan tentera laut.

**jurusita** Id pegawai pengadilan yg diberi tugas utk menyita.

**jurusolek** (jurusolé) orang yg kerjanya menyolek orang.

**jurusurat** kerani, jurutulis.

**jurutafsir** juruulas.

**jurutaip** orang yg kerjanya menaip surat dll, juruketik.

**jurutanak** sl orang yg menanak nasi.

**juruteknik** (jurutéknik) orang yg ahli dlm hal selok-belok jentera dll.

**jurutera** orang yg terlatih dlm mereka, membuat, dan menggunakan (menjaga) jentera atau terlatih dlm mana-mana cabang kejuruteraan; ~ *awam* orang yg terlatih dlm mereka, membuat (membina) dan menjaga kemudahan awam spt jalan raya, jambatan, empangan, terusan, pelabuhan, bangunan-bangunan besar, dll; ~ *elektrik* orang yg terlatih dlm mereka, membuat (membina), dan menjaga peralatan elektrik, peralatan pemancaran tenaga elektrik, dan sistem perhubungan; ~ *jentera* orang yg terlatih dlm mereka, membina, dan menjaga jentera, kereta, mesin, dsb; ~ *kapal terbang* orang yg terlatih dlm mereka, membina, dan menjaga kapal terbang; ~ *kimia* orang yg terlatih dlm mereka, membuat (membina), dan menjalankan loji atau jentera yg digunakan dlm proses kimia industri;

**menjuruterai** merancang, mengatur, dan melaksanakan sesuatu (tugas, kerja, dsb) dgn bijaksana: *editorlah yg merancang dan ~ penerbitannya;*

**kejuruteraan** kepandaian atau perbuatan mereka atau membuat jentera (jambatan dll): ~ *awam; ~ elektrik; ~ jentera; ~ kapal terbang; ~ kimia.*

**juruterapi** (jurutérapí) orang yg mahir melakukan sesuatu jenis terapi.

**juruterbang** pemandu kapal terbang; ~ *bersama* juruterbang yg membantu ketua juruterbang, dan kadang-kadang memandu kapal terbang.

**jurutinggi** anak buah perahu (kapal) yg kerjanya memasang layar.

**juritol** orang yg tugasnya memungut bayaran tol.

**juritrengkas** (juritréngkas) orang yg kerjanya mengambil rencana dgn trengkas (tulisan pantas yg menggunakan simbol), steno.

**juritulis** kerani, jurusurat.

**juritunjuk** orang yg memberikan tunjuk ajar atau petunjuk.

**jurubat** ahli farmasi.

**jurujukur** orang yg kerjanya mengukur tanah; ~ *bahan* orang yg kerjanya menganggarkan kos bahan dan buruh yg diperlukan utk sesuatu kerja pembinaan.

**juruuulas** orang yg memberi tafsiran mengenai soal-soal politik dll (dlm surat khabar, radio, televisyen, dsb).

**juruvideo** (juruvidéo) orang yg mengendalikan perakam video utk mengambil gambar, menayangkan pita video dsb.

**juruwang** orang yg menerima atau membayar wang (di bank, kedai, dll).

**juruwarta** juruberita, pemberita.

**jus 1.** air drpd buah-buahan atau sayur-sayuran: ~ *oren*; **2.** (Bio) cecair dlm perut atau bahagian lain tubuh yg membantu penghadaman makanan: ~ *usus*; ~ *pankreas*.

**JUSA** akronim bagi Jawatan Utama Sektor Awam.

**jus soli** (Udg) hak mendapat kerakyatan di sesebuah negara berdasarkan kelahiran di negara itu.

**justeru** **1.** kebetulan, tepat, kena benar: *kenapa ~ sekarang ini engkau harus pergi?* **2.** malahan, bahkan: *sekali-kali tidak pernah saya mencaci dia, ~ saya puji dia.*

**justifikasi** sesuatu alasan (yg kuat) yg menjadikan sesuatu wajar dilakukan (diusahakan dsb) atau diberikan, hujah (pendapat dsb) yg dikemukakan sbg alasan bagi sesuatu: *RTM mungkin mempunyai ~ sendiri utk menyiarkan majlis itu secara langsung; berbagai-bagai alasan atau sebab-musabab dikemukakan sebagai ~ kpd kelemahan tersebut;*

**menjustifikasikan** memberikan justifikasi kpd: *mereka perlu memberikan bukti yg nyata utk ~ permohonan pinjaman itu.*

**justisi** IB kehakiman.

**jut I** sj pokok yg seratnya boleh dibuat guni dll, rami, *Corchorus capsularis*.

**jut II** Kl sj alat utk menangkap ikan (di bendang atau kolam).

**juta** seribu ribu (1 000 000);

**berjuta, berjuta-juta** beberapa juta;

**jutaan** berjuta-juta.

**jutawan** orang yg mempunyai wang (harta benda) yg jumlahnya (nilainya) berjuta-juta ringgit.

**jutung;** *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek), akar perindu, buas-buas, *Premna dibaricata*.

**juvenil** (juvénil) anak muda yg belum matang (mentah), budak-budak.

**juz** Ar bahagian atau bab drpd Quran (semuanya ada 30 bahagian).

**juzuk** Ar bahagian;

**sejuzuk** sebahagian;

**menjuzuki** menjadi juzuk kpd sesuatu: *alam fizikal dan alam sosial ~ keseluruhan fenomena tabii.*



**k** huruf ke-11 dlm abjad Rumi.

**K** simbol kimia bagi kalium.

**ka** kep kaki sbg unit ukuran (12 inci).

**Kaabah** bangunan suci berbentuk kiub yg terletak di tengah-tengah kota Mekah yg menjadi kiblat solat dan tempat bertawaf umat Islam pd waktu menunaikan ibadah haji dan umrah.

**Kaabatullah** □ □ **Kaabah**.

**kaba** ark Mn cerita, dongeng.

**kabab** □ □ **kebab**.

**kabak** sj tumbuhan (herba yg dijadikan sayur), *Tetragonia expansa*.

**kabaret** (kabarét) **1.** persembahan hiburan spt muzik, nyanyian, tarian, dsb) di kelab malam atau restoran; **2.** kelab malam atau restoran yg menyediakan persembahan hiburan spt nyanyian, tari-menari, muzik, dsb: *Henry yg baru belajar berdansa akan pergi ke ~ utk mencuba-cuba kebolehannya.*

**kabau** **1.** sj tumbuhan (pokok), cincang, cungkil, semincang, *Allophylus glaber*; **2.** sj tumbuhan (pokok), jering balau, jering hutan, kacang tupai, *Pithecellobium ellipticum*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), geretak, geronyong, merbung jantan, *Turpinia pomifera*.

**kabeh** (kabéh) Jw ark semua.

**kabel** **1.** tali yg tebal dan kuat yg diperbuat drpd sejumlah dawai yg dipintal; **2.** berkas dawai bertebat yg digunakan sbg pembawa mesej telegraf dsb;

~ *sepaksi* sj kabel utk menghantar isyarat frekuensi radio; *pekerja* ~ orang yg kerjanya memasang kabel.

**kabil; berkabilan** berawas-awas;

*berserah ~, (berpesan berturuti)* prb tidak sepenuhnya mempercayai orang yg diamanahkan.

**kabilah** Ar suku bangsa, kaum: *permusuhan dan persengketaan antara keluarga dan keturunan, ~, suku dan bangsa; ~ Quraisy.*

**kabin** **1.** bilik dlm kapal, bot, dsb yg digunakan sbg pejabat atau tempat tidur; **2.** bahagian dlm kapal terbang tempat membawa penumpang; **3.** binaan sementara yg dijadikan sbg pejabat, tempat tinggal, dsb sementara di tapak bina bangunan.

**kabinet** (kabinét) **I 1.** badan eksekutif dan pembuat dasar sesebuah negara yg terdiri drpd para menteri kerajaan yg memerintah, jemaah menteri: *satu sidang ~ dipercayai telah membincangkan mogok kereta api itu; 2.* Id jabatan (terutama bagi presiden, perdana menteri dll): *~ Perdana Menteri;*

*~ kerja = ~ keahlian* Id kabinet yg menteri-menterinya terdiri drpd pakar-pakar dlm sesuatu urusan kenegaraan; *~ koalisi* Id kabinet yg menteri-menterinya merupakan ahli atau pemimpin dr beberapa parti (politik); *~ nasional* Id kabinet yg terdiri drpd menteri-menteri yg mewakili sebahagian besar drpd parti-parti (politik); *~ parlementer* Id kabinet yg menteri-menterinya dikemukakan oleh parlimen.

**kabinet** (kabinét) **II 1.** almari kecil yg bertingkat atau berlaci tempat menyimpan dokumen, surat dan barang-barang berharga, dsb: *Saidin berdiri mengambil fail-fail dr dlm ~; 2.* sj perabot (spt almari dsb) tempat menyimpan pinggan mangkuk dll.

**kabir I; mengabir** meraih, menarik, mengaut.

**kabir II** Ar besar; *alam ~* alam yg besar.

**kabisat** Ar; *tahun ~, sanah ~* tahun yg jumlah harinya sehari lebih drpd tahun biasa.

**kabit** penyeluk saku, tukang copet.

**kaboi** sj kumbang.

**kabriolet** (kabriolét) motokar penumpang yg boleh dibuka bumbungnya.

**kabu-kabu** **1.** sesuatu yg lembut dan kelihatan spt kapas (biasanya digunakan sbg pengisi bantal, tilam, dsb), kapuk; **2.** sj tumbuhan (pokok), randu, *Ceiba pentandra*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), cengkering, kekabu jawa, membuluh, *Zanthoxylum myriacanthum*.

**kabui** Kd kumbang tanduk.

**kabuki** (Jepun) drama tradisional Jepun yg berdasarkan legenda popular dan semua wataknya dimainkan oleh pelakon lelaki.

**kabul** **1.** = **terkabul** terlaksana, tercapai, tertunai: *permintaannya ~*; **2.** = ~ akan mempersetujui, setuju dgn, meluluskan: *~lah ia akan kehendak hamba*; **3.** = ~ pd dipersetujui oleh, diluluskan oleh, diperkenankan oleh: *Sultan Mansur Shah mohon kpd Batara Majapahit hendak kembali, maka ~lah pd Batara*;

**mengabulkan** memperkenankan (permohonan doa, kehendak, dsb), mempersetujui, meluluskan: *moga-moga Tuhan akan ~ permohonanku ini*;

**pengabulan** perihal mengabulkan (permintaan dll);

**pengabul** bersifat sedia mengabulkan sesuatu doa, permintaan dsb (bkn Allah): *Allah yg maha pengasih dan maha ~*.

**kabuli**; *nasi* ~ sj nasi yg bercampur dgn berbagai-bagai lauk dan rempah.

**kabung I** = **perkabungan** kain putih yg dililitkan pd kepala tanda berdukacita (kerana kemangkatan raja dll);

**berkabung** **1.** memakai kabung (tanda berdukacita): *setelah baginda dikebumikan, maka mereka itu sekaliannya pun ~lah empat puluh hari*; **2.** memperlihatkan tanda-tanda sedang berdukacita

(kerana kematian seseorang dll): *dia memakai pakaian hitam kerana katanya dia sedang ~ kerana kematian suaminya;*

**perkabungan 1.** pakaian (kabung dll) yg dipakai semasa berkabung;

**2.** perihal, perbuatan atau keadaan berkabung: *hari ini ialah hari ~ orang Melayu amnya kerana kejatuhan kerajaan Melayu Melaka.*

**kabung II** ukuran panjang yg sama dgn 4 hasta (kira-kira satu depa).

**kabung III** sj tumbuhan (palma), enau, *Arenga pinnata: gula ~.*

**kabung IV** Mn kerat, penggal; ~ *tiga kerat tiga;*

**mengabung** mengerat, memotong, memenggal;

**mengabung-ngabung** mengerat-ngerat, memotong-motong, memenggal-menggal.

**kabupaten** (kabupatén) Id **1.** daerah yg dikepalai oleh seorang bupati; **2.** pejabat (rumah) bupati.

**kabur I 1.** tidak dapat melihat dgn terang atau nyata (bkn mata), kurang terang (bkn penglihatan), pudar: *ayahanda orang tua, ~ mata, pekak telinga;* **2.** kurang jernih (bkn kaca dll), tidak terang atau jelas (bkn corak atau warna sesuatu, tulisan, dll), tidak cerah, pudar: *tikar mengkuang putih yg telah ~; tulisan yg ~; nasibnya sudah mulai ~ nasibnya tidak terang atau cerah lagi (sudah mulai buruk);* **3.** tidak atau kurang jelas (maksudnya, kandungannya, dsb), tidak nyata, samar-samar: *definisi novel spt di atas sangat ~; semua kenangan yg indah itu menjadi ~ dan samar-samar;*

**mengabur** menjadi kabur (kurang terang, jernih, nyata, dll), menjadi pudar: *ia melihat ke hadapannya kembali kpd Yusuf dan Maria yg ~ di atas kerusi di bawah pohon mangga yg rimbun itu; fikirannya ~;*

**mengaburi** menjadikan kabur: *tanda tanya terus ~ fikiran Burad;*

**mengaburkan** menyebabkan jadi kabur: ~ *pandangan seseorang terhadap soal-soal masyarakat*; ~ *mata rakyat* mengelirukan rakyat (menipu rakyat);

**kekaburan** perihal atau keadaan kabur: *dgn menggunakan kaca mata*, ~ *matanya hilang*; *Amir sudah pulih drpd ~ fikirannya*; *dlm buku-buku Greek yg terdahulu, terdapat terlalu banyak ~*;

**kekabur-kaburan** agak kabur, agak pudar.

**kabur II** Kl sj kumbang kelapa.

**kabur III** Jk lari, melarikan diri.

**kabus 1.** wap air yg kelihatan spt asap yg berada dekat muka bumi (biasanya pd waktu pagi): ~ *di puncak bukit kian menipis*; **2.** tidak nyata kelihatan, tidak terang (seolah-olah ditutupi kabus) kabur, kelam: *gambar yg ~*; *hilang ~ teduh hujan* prb mendapat kesenangan setelah menderita;

**berkabus** dilindungi atau dilitupi kabus;

**mengabus** membuat supaya berkabus.

**kabut I 1.** kabus tebal; **2.** kabur, kelam, tidak nyata; *kelam-~ = kalang-~* a) gelap, tidak nyata; b) kacau-bilau, tidak keruan;

*jangan disesar gunung berlari, hilang ~ tampaklah dia* prb tidak usah tergesa-gesa mengerjakan sesuatu pekerjaan yg telah pasti jadi; *terang ~ , teduh hujan* prb merasa kesenangan selepas menderita;

**berkabut 1.** dilindungi (dikelubungi) kabut, tidak jelas (nyata dll), agak gelap; **2.** ki sedih, suram;

**kekabutan** keadaan kabut.

**kabut II**; ark **mengabutkan** mengebaskan (pakaian dll); □ □ □ **kebut II.**

**kaca I 1.** bahan yg lut sinar atau lut cahaya biasanya keras dan rapuh, dibentuk dgn melakurkan pasir silika, oksida logam dan bahan-

bahan lain, digunakan utk membuat tingkap, cermin, dll: *cermin muka dibuat drpd ~*; **2.** = ~ muka cermin (muka); **3.** ki cermin, contoh, teladan: *keteguhan imannya boleh menjadi ~ bagi bangsanya*;

~ *benggala* cermin yg tebal (besar); ~ *berliang* kaca yg mengandungi liang halus yg digunakan dlm turas dll; ~ *borosilikat* sj kaca yg tahan haba yg digunakan utk membuat barangan kaca makmal; ~ *gentian* bahan yg diperbuat drpd campuran gentian kaca dgn resin sintetik, biasanya digunakan sbg penebat dlm bangunan, utk membuat badan bot, bahagian-bahagian tertentu kereta, dsb; ~ *keselamatan* kaca yg diolah supaya tidak pecah atau berkecai semasa terkena hentaman (mis kaca utk cermin kereta); ~ *mata* a) cermin mata; b) penglihatan, (sudut) pandangan: *dr ~ mata seniman*; ~ *pembakar* kanta cembung yg menumpukan sinar matahari utk membakar; ~ *pembesar(an)* kanta kaca utk membuat benda yg dilihat kelihatan besar; *bagai ~ terhempas ke batu* prb sangat sedih atau kecewa;

**berkaca 1.** menggunakan (memakai) kaca: *tingkap-tingkap itu ~*; ~ *mata* memakai kaca mata, bercermin mata; **2.** = **mengaca** melihat muka (diri sendiri) dlm cermin, bercermin: *bersolek sambil ~*; **3.** = **berkaca-kaca** bersinar, berkilauan (bkn mata, air dll): *matanya ~ kembali*;

**memperkaca** menyaksikan (menentukan, meyakinkan, melihat) sendiri.

**kaca II** muka surat, halaman (buku dll).

**kacak I 1.** kelihatan gagah, segak, tampan: *seorang pemuda yg ~*; **2.** angkuh, bongkak; *bulang sali ~ sama, tinggal lagi mujur malang*

prb sama kuat dlm pertandingan dll dan kalah menangnya terpulang pd nasib;

**mengacakkan** menyebabkan seseorang menjadi kacak: *pakaian Melayunya yg lengkap yg garang warna merahnya, ~ lagi rupa parasnya;*

**kekacakan** keadaan atau sifat kacak: *Tuhan juga menganugerahkan ~ kpd kaum Adam.*

**kacak II** Pr; **berkacak** berpijak, berdiri: *panglima kecil madu suara, Awang kecil akal melela, yg ~ di awan-awan, yg bergantung di angin lalu.*

**kacak III** Mn; **berkacak**; ~ *pinggang* bercekak pinggang;

**mengacak** memegang (mengangkat) utk mengetahui berat sesuatu; ~ *galas* ark a) mengangkat galas; b) ki berdagang; ~ *lengan* mengangkat lengan (hendak berkelahi); *dikacak betis sudah bak betis, dikacak lengan sudah bak lengan* prb perihal orang yg merasa dirinya sudah cukup dlm segala hal (tidak memerlukan bantuan orang lain).

**kacam** sj tumbuhan (pokok memanjat), asam kumbang, *Embelia rugosa*.

**kacan** Kl; **mengacan** mengangkat (benda-benda yg berat): *dikacannya rumah itu dgn besi.*

**kacang I** sj tumbuhan dan buahnya;

~ *arab* = ~ *bendi* = ~ *lendir* sj tumbuhan (herba), *Hibiscus esculentus*; ~ *belimbing* = ~ *botor* = ~ *kelisa* = ~ *kotor* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Psophocarpus tetragonolobus*; ~ *buncis* = ~ *pendek* sj tumbuhan (herba), *Phaseolus vulgaris*; ~ *cina* sj tumbuhan (herba), *Phaseolus lunatus*; ~ *goreng* = ~ *cina* = ~ *jawa* = ~ *tanah* sj tumbuhan (herba), *Arachis hypogaea*; ~ *hantu a)* = ~ *parang* = ~

*polong* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Canavalia ensiformis*; b) orang jahat; ~ *hijau* = ~ *cindai* = ~ *padi* sj tumbuhan (pokok renek), *Phaseolus aureus*; ~ *kara* = ~ *sepat* sj tumbuhan (pokok), *Dolichos lablab*; ~ *kayu* a) sj tumbuhan (pokok renek), *Cajanus indicus*; b) = ~ *riang-riang* = ~ *sekucuk* sj tumbuhan (pokok), giring-giring, *Crotalaria striata*; ~ *kelor* sj tumbuhan (pokok) emunggai, *Moringga oleifera*; ~ *kota* sj tumbuhan (pokok), ketepeng hutan, *Cassia occidentalis*; ~ *kuda* sj kacang yg agak bulat, berwarna kekuning-kuningan atau coklat muda, yg biasanya direbus utk dimakan, *Cicer arietinum*; ~ *laut* a) sj tumbuhan (herba), *Vigna marina*; b) sj tumbuhan (pokok menjalar), *Canavalia rosea*; ~ *miang* a) sj kacang yg gatal; b) orang yg suka menghasut; ~ *panjang* = ~ *merah* = ~ *perut ayam* sj tumbuhan (pokok), *Vigna sinensis*; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Pisum sativum*; ~ *soya* sj tumbuhan (herba), *Glycine max*; ~ *sepalit* = ~ *puyuh* sj tumbuhan (herba), *Phaseolus calcaratus*; *kuih* ~ kuih kasturi, rengas; ~ *lupakan kulitnya* = *panas hari*, *lupa* ~ *akan kulitnya* prb orang yg lupa akan asalnya (orang yg telah menolongnya dll) setelah menikmati kesenangan dll; *bagai* ~ *direbus satu* prb meloncat-loncat kerana kesukaan; *bagai* ~ *tengah dua bulan* prb Mn sangat subur tubuh badannya (bkn kanak-kanak);

**kacang-kacang** a) sj tumbuhan (pokok renek), teruntum, *Aegiceras corniculatum*; b) sj tumbuhan (pokok memanjat), kacang hijau hutan, *Pueraria phaseoloides*; *akar* ~ a) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar pah kuda, akar sarang punai, akar tegun pontianak, *Dichapetalum deflexifolium*; b) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar telur bujuk, akar nyamuk, *Agelaea vestita*;



**mengacang** 1. membahagi-bahagi (barang yg diperoleh dll); 2. berbuat sesuka hati atau semahu-mahunya (atas hak milik orang lain);

**memperkacang** menghabiskan (memboroskan) harta atau wang orang.

**kacang II**; ~ *lopek* sj ikan laut, *Sphyraena obtusata*.

**kacang III Kl**; **mengacang** menumbuk, mengasak, menginjak-injak;  
**terkacang**; ~ *pinggang* sakit seluruh badan.

**kacang-kacang I Mn** penabur (peluru); *baru ~nya* baru pendahuluannya (belum ramai lagi dsb).

**kacang-kacang II** sj ikan laut, alu-alu, tenak, *Sphyraena spp.*

**kacang-kacangan** sj ikan, *Hemiramphus spp.*

**kacaping** sj tumbuhan (pokok dan bunganya), bunga cina, bunga susu, bunga susun kelapa, *Gardenia augusta*.

**kacapuri 1.** ibu rumah yg letaknya di bahagian tengah; **2.** bahagian istana yg letaknya di sebelah dalam, pusat istana; *durian ~* durian yg isinya di tengahnya sahaja yg boleh dimakan.

**kacar I**; *kail ~ = pancing ~* sj kail yg biasanya memakai bulu dsb (tidak menggunakan kawat yg tajam) utk menangkap cumi-cumi;  
**mengacar** memancing cumi-cumi dll.

**kacar II**; ~ *lakum* sj siput darat yg beracun, *Nanina humphreysiara*.

**kacar III**; **mengacar 1.** Kl mengaduk-aduk; **2.** Mn menggagau, merabara-raba atau mencari-cari (ikan dll); **3.** membongkar, menggeledah, meraba-raba (utk mencari sesuatu yg tersembunyi pd diri seseorang).

**kacat** Kd, Pr; *pinang ~* pinang muda (pinang jerkat).

**kacau I 1.** tidak tersusun (teratur), campur baur, campur aduk: *susunan kad itu ~*; **2.** kusut, tidak berketentuan, tidak teratur, tidak tenteram:

*fikirannya ~*; **3.** huru-hara, tidak aman, tidak tenteram: *pemimpin-pemimpin Perikatan menenteramkan keadaan ~ di Singapura*; *~ daun* mengganggu urusan peribadi, ketenangan, keselesaan dsb, orang lain; **4.** = **berkacau**;

**berkacau 1.** bercampur baur, bergaul betul: *tunggu sampai cat itu sudah ~ benar*; **2.** bercampur aduk (dgn hal-hal lain), berkecamuk, tidak kemas dan teratur: *suasana pd masa itu ~ dgn soal perkauman*; *fikirannya ~*;

**mengacau 1.** menggaul sampai berkacau, mengaduk: *~ air kopi*; **2.** menjadikan kacau (tidak teratur, tidak aman, dll), menimbulkan huru-hara (kesulitan dll): *~ ketenteraman*; **3.** merunsingkan (fikiran, perasaan): *~ fikiran*; *anaknyanya ~ hatinya*;

**mengacaukan 1.** menjadikan bercampur (bergaul) betul; **2.** menjadikan berkacau dgn hal-hal lain; **3.** mengacau, menimbulkan keadaan yg kacau: *satu pembaikan yg agak luas mempengaruhi sistem ejaan baru ini ialah dr segi keselarasan vokal yg dahulunya hal ini amat ~*;

**memperkacaukan** menjadikan berkacau;

**kacauan** (sesuatu) yg bercampur aduk: *bahasa Melayu pasar ialah bahasa ~*;

**kekacauan** keadaan kacau, keadaan tidak teratur (tidak aman dsb), kejadian yg merosakkan (mengganggu) ketenteraman, kerusuhan: *melawat tempat berlakunya ~*; *kepelbagaian ejaan utk satu bahasa tentulah menimbulkan ~ sahaja*;

**pengacauan** perihal mengacau;

**pengacau 1.** (orang) yg mengacau, perusuh; **2.** alat utk mengacau.

**kacau II**; *~ tongkeng kelabu* sj burung, *Heteroscelus incanus*.

**kacau-balau** kacau-bilau;

**mengacau-balaukan** menjadikan kacau-balau, mengacau-bilaukan.

**kacau-bilau** sangat kacau, kacau-becah, kacau-bicau, kacau-birau, kacau-balau;

**berkacau-bilau** berkacau sangat: *keadaan yg ~*;

**mengacau-bilaukan** menjadikan kacau-bilau, mengacau-balaukan.

**kacaukan** ark kacauan, kacukan.

**kacek** (kacék) Jk selisih, beza, kelainan.

**kaci I** sj ikan laut, mandi abu, mesikor, tebal bibir, *Plectorhincus lineatus*.

**kaci II**; *kain* ~ sj kain putih.

**kacici** sj burung, kelicap pucat pisang, laki padi, *Orthotomus atrogularis*.

**kacih**; *kocah*~; □□**kocah**.

**kacip I** sj alat (spt gunting) yg sendinya di hujung (utk membelah pinang dll); *gigi* ~ gigi utk memotong yg terletak di hadapan gigi taring pd mamalia;

**mengacip 1.** mengerat, membelah (dgn kacip); **2.** menyepit atau mengapit dgn sesuatu.

**kacip II**; ~ *fatimah* sj tumbuhan (pokok), kacit fatimah, rumput siti fatimah, selusuh fatimah, *Labisia pothoina*.

**kacir**; *kucar*~ (keadaan) tidak teratur (tersusun), tidak keruan; □□□**kucar-kacir**.

**kacit** Kl; **mengacit** mengikat, mengancing.

**kacoak** Jk lipas.

**kacu I** air pinang atau gambir yg pekat utk menyamak kulit.

**kacu II** Jw sapu tangan.

**kacuca** (Muz) **1.** sj tarian solo Sepanyol yg gemalai; **2.** muzik utk tarian **1.** di atas.

**kacuh** Kl; **mengacuh** mencampur.

**kacuk** kacau, campur;

**mengacukkan** mengahwinkan (haiwan atau tumbuh-tumbuhan) yg berlainan jenis atau baka utk menghasilkan baka yg lebih baik;

**kacukan** 1. campuran, kacauan: *padi Malinja ialah hasil ~ padi Malaya, India dan Jepun; bahasa Melayu ~ bahasa Melayu yg bercampur dgn bahasa lain (dlm penggunaan kata dsb), bahasa Melayu pasar; orang ~ orang yg ibu bapanya berlainan bangsa.* 2. hasil drpd mengacukkan (haiwan atau tumbuh-tumbuhan);

**pengacukan** perbuatan, perihal, usaha, dll mengacukkan.

**kacung I**; *belalang* ~ sj belalang, cengkadak, cencadu, mentadak;

**kancung**.

**kacung II** budak laki-laki, awang; ~ *koran* Id budak penjual akhbar.

**kacung III** Kl kecek, tipu, helah, muslihat.

**kad** keping(an) kertas yg agak tebal dan keras (biasanya berbentuk empat persegi);

~ *ahli* kad sbg tanda menjadi ahli (sesuatu perkumpulan dsb); ~ *caj* sj kad kredit yg pd asasnya memerlukan pemegang kad tersebut membayar segala perbelanjaan yg telah dibuatnya pd tarikh yg ditetapkan; ~ *Hari Raya* kad utk mengucapkan selamat Hari Raya; ~ *jaminan* kad yg diberikan oleh sesebuah syarikat kpd pelanggan sbg jaminan bahawa sebarang kerosakan yg berlaku pd barangan yg dijual dlm tempoh tertentu (selepas digunakan) akan dibaiki (diganti) tanpa sebarang bayaran; ~ *jemputan* = ~ *undangan* kad yg digunakan utk menjemput orang (menghadiri sesuatu majlis dsb); ~ *kredit* kad yg menunjukkan keterangan spt nama, tandatangan dan nombor kod pemegangnya yg membolehkan pemegang kad itu

membuat pembelian (utk barangan, perkhidmatan, dsb) secara kredit; ~ *kuning* (Suk) kad berwarna kuning yg ditunjukkan oleh pengadil kpd seseorang pemain sbg tanda amaran kerana berlaku kasar, melawan pengadil dsb, biasanya dlm permainan bola sepak; ~ *merah* a) kad jempunan kahwin; b) (Suk) kad berwarna merah yg ditunjukkan kpd pemain sbg tanda perintah keluar padang, biasanya dlm permainan bola sepak; ~ *pengenalan* kad yg mengandungi keterangan tertentu mengenai diri seseorang (namanya, alamatnya, bangsanya, dll); ~ *pintar* kad plastik seakan-akan kad kredit yg boleh menyimpan dan memproses data komputer utk pelbagai kegunaan.

**kadal** Jw sj binatang reptilia, bengkarung, mengkarung.

**kadam I** Ar tapak kaki; *ke bawah* ~ ke bawah duli.

**kadam II** Mn tempat sirih.

**kadang I; kadang-kadang, terkadang, terkadang-kadang** kadangkala, sekali-sekali, ada kalanya: *bulan puasa tidak selalu 30 hari, ~ hanya 29 hari.*

**kadang II** Mn; **mengadang**; ~ *nasi* membuang air nasi yg sedang dimasak (supaya lekas masak); *terlampau dikadang mentah* prb kerana terlalu sangat hendak diperelok, hasilnya menjadi buruk (kurang elok).

**kadang III** Jw; ~ *kedayan (kadaysan)* sl kaum kerabat raja dll yg menjadi pengiring.

**kadangkala** ada kalanya, kadang-kadang, sekali-sekali.

**kadar I 1.** daya, kemampuan, keupayaan: *dia sudah mulai memakai fahamku, iaitu menghadapi hidup dgn ~ yg terdaya; ala ~(nya)* menurut daya atau kemampuan (seseorang); *menderma ~nya*

menderma menurut kemampuannya; **2.** perkiraan yg memberikan (menyatakan) sesuatu kuantiti dlm hubungannya dgn sesuatu unit tertentu sbg asas: ~ *kelajuannya ialah 100 km sejam; bilangan penduduk yg bertambah pd ~ 2% setahun; ~ kelahiran (kematian) bilangan yg dilahirkan (mati) dlm jangka waktu tertentu (lazimnya satu tahun) berbanding dgn jumlah penduduk; 3.* jumlah atau banyaknya bayaran (cukai dll) yg dikenakan dsb: ~ *cukai pendapatan makin meningkat apabila pendapatan seseorang itu makin tinggi; kerajaan juga menaikkan ~ faedah pinjaman bank drpd 6% kpd 8% utk menarik simpanan asing; ~ faedah kadar yg ditetapkan terhadap sesuatu pinjaman atau deposit; ~ pertukaran asing nilai pertukaran sesuatu mata wang dgn mata wang yg lain; 4.* perbandingan (berat, darjah, kuantiti, saiz), nisbah: *sebatian kimia yg sama terdiri drpd unsur-unsur yg sama yg berpadu antara satu sama lain dlm ~ berat yg sama; kedua-dua oksida mengandungi unsur yg sama (magnesium dan oksigen) yg berpadu dlm ~ berat yg sama (3:2); 5.* bahagian yg tulen (sejati) yg terkandung dlm sesuatu (spt emas, perak, dll): ~ *emas dlm mata wang emas ini ialah 0.9; 6.* harga, nilai, pangkat, taraf (darjat): *semuanya dianugerahi baginda persalinan masing-masing pd ~nya; 7.* lebih kurang, kira-kira: *tahu juga patik barang ~nya; memohonkan berhutang ~ lima puluh rial; 8.* hitung panjang, rata-rata: *jika saya membeli daun teh 3 kati dgn harga 9 ringgit, saya membeli dgn ~ 3 ringgit satu kati; 9. =* **sekadar** cuma, hanya (utk): *akan Tun Ibrahim, hendak masuk takut, ~ berkeliling istana itu juga;* **sekadar 1.** selaras dgn (keperluan dll), secara, sepadan, sesuai dgn: ~ *yg diperlukan; 2. =* **sekadarkan** cuma, hanya (utk): *berjalan-jalan*

*ini pun ~ menanti waktu maghrib; hanya ~ berolok-olok belaka; 3. seperlunya (seadanya, semampunya, dll): sajian ~nya;*

**sekadar-kadaran** seada-adanya, seadanya: *permintaan ini hanya ~ sahaja;*

**berkadar** berimbang kadarnya atau nisbahnya (dgn sesuatu), menurut kadarnya atau nisbahnya (dgn sesuatu): *darjah pemanjangan sesuatu benda kenyal adalah ~ dgn isi padunya; ~ songsang* menurut kadar yg sebaliknya; *~ terus* menurut kadar yg sebenarnya;

**kadaran** (Tadb) cukai yg perlu dibayar oleh pemilik harta tanah kpd pihak berkuasa tempatan;

**perkadaran** perihal berkadar, perimbangan mengikut kadar: *jika ~ yg serupa dipindahkan pd setiap peringkat umur, pola yg lain masih tetap terhasil.*

**kadar II** Jw; **mengadar** tidur di luar rumah.

**kadar III** ark; *kain* ~ kain yg ditenun sendiri.

**kadas** Jw penyakit kurap.

**kadaster** IB pejabat tanah.

**kadaver** (Ubat) mayat manusia yg diawet utk tujuan kajian anatomi.

**Kadayan** Kedayan.

**Kadazan** = ~ *Dusun* suku kaum peribumi yg terbesar di Sabah, dikenali juga dgn gelaran Lotud, Rungus, Orang Sungai, Kwijau, Tamabanuo, dsb, yg menggunakan pelbagai dialek dan mengamalkan pelbagai kebudayaan serta adat resam.

**kadbod** kertas yg tebal dan keras yg digunakan utk membuat kotak dsb.

**kademat** ark khidmat.

**kader 1.** teras anggota tentera yg profesional dan terlatih yg menjadi asas utk melatih unit baru atau pengembangan lain; **2.** anggota sesebuah parti politik, angkatan tentera, dsb yg sangat aktif dan terlatih: *utk meneruskan perjuangan politik pd masa depan perlu dilatih ~~~ parti dr sekarang.*

**kadera** ark **1.** kerusi; **2.** tandu, usungan.

**kadet** (kadét) **I** pelajar di maktab tentera yg dilatih utk menjadi pegawai tentera, calon pegawai (dlm pentadbiran dll).

**kadet** (kadét) **II** Id, bp penyeluk saku.

**kadet** (kadét) **III** IB; *roti* ~ roti tawar yg kecil.

**kadi** hakim dlm perkara yg berkaitan dgn agama Islam (spt mengurus soal pernikahan dan perceraian orang Islam, membicarakan orang yg dituduh melanggar hukum Islam, dll).

**kadim** kerabat, saudara yg dekat;

**sekadim** seketurunan yg dekat (spt adik-beradik dll); *saudara* ~ saudara seayah.

**kadli** sl kadi.

**kadmium** (Kim) unsur logam berwarna putih kebiruan, lembut dan toksik yg digunakan dlm penyaduran, aloi, dll.

**kado** IB hadiah, tanda mata.

**kaduk I** = ~ *batu* sj tumbuhan (pokok renek), akar bugu, kudak, mengkadak, sirih duduk, *Piper sarmentosum*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), *Piper stylosum*;  
*spt* ~ *kena air tahi* prb orang yg tiada berguna tetapi panjang umurnya; *spt* ~ *naik junjung* prb orang yg hina apabila mendapat pangkat dll berbuat mengada-ngada.

**kaduk II**; *Pak K*~ *Pak Pandir* (orang yg bodoh).



**kaduk III**; ~ *api* sj burung, cenuk api, *Zanclostomus javanicus pallidus*.

**kadut 1.** *kain* ~ sj kain yg kasar, kain karung, kain rami; **2.** sj karung.

**kaedah** (kaédah) cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yg bersistem atau yg biasa); ~ *mengajar* cara mengajar (berdasarkan prinsip-prinsip tertentu).

**kaf 1.** huruf ke-22 abjad Arab (mempunyai nilai 20); **2.** huruf ke-25 abjad Jawi.

**kafal** kain yg digunakan utk pelana.

**kafan** kapan (kain pembungkus mayat).

**kafarah** Ar **1.** penutup kesalahan (dosa); **2.** kifarat.

**kafe** (kafé) restoran kecil yg menyajikan makanan dan minuman ringan; ~ *siber* kafe yg menyediakan perkhidmatan komputer berinternet kpd pelanggan atau pengunjung.

**kafein** (kaféin) alkaloid yg terdapat, terutamanya dlm kopi atau teh, yg bertindak sbg perangsang dan agen yg meningkatkan pembuangan air kencing.

**kafeina** (kaféina) (Kim) kafein.

**kafeteria** (kafétéria) restoran layan diri.

**kafi** Ar cukup, lengkap, sempurna.

**kafilah** Ar rombongan orang (berserta dgn unta dan barang-barang yg dibawa) dlm perjalanan di padang pasir: *bandar Mekah semenjak beratus-ratus tahun dikunjungi oleh ~~~ perniagaan*.

**kafir** Ar (orang yg) tidak percaya kpd Allah dan rasul-Nya, orang yg bukan Islam; ~ *Majusi* kafir yg menyembah api;

**mengkafirkan** menganggap kafir, mengatakan kafir: ~ *ahli falsafah ialah sikap yg harus saya ambil sekiranya saya melihat tiga*

*persoalan ini; sebab itu wajiblah dikafirkan mereka dan dikafirkan juga pengikut-pengikut mereka;*

**kafir-mengkafirkan** saling mengkafirkan: *isu ~ pula cuba dihidupkan semula, tetapi gagal menarik perhatian umum;*

**kekafiran** sifat-sifat kafir (tidak beriman, tidak percaya kpd Allah);

**pengkafiran** perbuatan mengkafirkan: *isu ~ yg diuar-uarkan sejak 19 tahun lalu adalah satu tindakan yg boleh memecahkan keharmonian.*

**kafiri** Ar bersifat kafir.

**kafling** sj kancing yg digunakan utk mencantumkan hujung lengan baju (pd pergelangan tangan).

**kaftan** sj baju yg longgar dan labuh.

**kagak** Jk tidak.

**kaget** (kagét) terkejut, terperanjat: *ia ~ melihat lembaga itu;*

**mengagetkan** mengejutkan, memeranjatkan: *berita kematian tersebut ~ semua orang;*

**kekagetan** perihal kaget, kekejutan.

**kagok I** Jk terbantut (terhenti, menjadi canggung, dll) kerana terganggu dll dgn tiba-tiba: *jurutaip ~ menaip kerana diperhatikan orang.*

**kagok II** Jw agak berbeza dr bahasa yg umum (bkn ucapan, penggunaan kata, dsb).

**kagum** berasa amat sangat tertarik (melihat dsb sesuatu yg luar biasa), hairan, takjub: *saya ~ melihat keberaniannya; beliau ~ melihat kemajuan yg telah dicapai oleh negara ini;*

**mengagumi** kagum (hairan, takjub) akan: *~ keindahan alam;*

**mengagumkan** menimbulkan (menyebabkan) kagum, menghairankan, menakjubkan: *kepandaian ahli silap mata itu sungguh ~;*

**kekaguman** ketakjuban, kehairanan;

**pengagum** orang yg mengagumi sesuatu: *para pelajar di Barat, sekadar ~ kewibawaan para profesornya.*

**kagungan** Jw ark mempunyai; kepunyaan.

**kah I** sj perekat.

**kah II** partikel utk menyatakan pertanyaan: *boleh~ kau menyanyi?*

**kahaf** Ar ark gua.

**kahak** lendir yg dikeluarkan dr kerongkong, dahak;

**berkahak, mengahak** mengeluarkan kahak, berdahak: *ia meludah dan ~.*

**kahang** Mn berbau busuk, kohong.

**kahar I** IB sj kereta kuda.

**kahar II** Ar **1.** kuasa: *Paduka Marhum Mahkota Alam bersabda kepadanya dgn ~; yg Pahang itu menunjukkan ~nya kpd kita; 2.* (menurut) sesuka atau sekehendak hati, sewenang-wenang: *sangat ~ lakunya, menjadikan orang benci kepadanya.*

**kahar III** Kd kasar serta lasak: *jangan tunjuk ~.*

**kahat** Ar kekurangan makanan, bencana kebuluran.

**kahin** Ar ahli nujum, tukang tilik, ahli sihir.

**kahrab** Ar ark batu ambar; ~ *kuning* batu ambar kuning.

**kahwa** Ar sj tumbuhan (pokok renek), kopi, *Coffea spp.*; ~ *utan* sj tumbuhan (pokok), kopi hutan, mengkudu badak, tahi musang, *Fagraea racemosa.*

**kahwa-kahwa** sj tumbuhan (pokok), medang biawak, salang rusa, pian, tinjau laut, *Alangium uniloculare*.

**kahwin 1.** perikatan yg sah antara lelaki dgn perempuan menjadi suami isteri, nikah; **2.** = **berkahwin** mempunyai isteri (suami), beristeri atau bersuami: *hal itu sangat melukakan hatinya hingga ia memutuskan tak akan mahu ~; dia sudah ~ dan sekarang tinggal di Kuala Lumpur bersama suaminya; 3. = **berkahwin** bernikah: *dia mahu ~ dgn gadis pilihannya sendiri; 4. bp bersetubuh, berjimak; ~ *andar* kahwin dgn tidak memberi apa-apa (membawa badan sahaja); ~ *campuran* kahwin antara dua orang yg berlainan bangsa (agama); ~ *gantung* nikah gantung; ~ *kantor* Id pernikahan yg dijalankan di pejabat pendaftaran, pernikahan awam (tidak di hadapan kadi atau gereja dsb); ~ *lari* perkahwinan (pernikahan) pasangan lelaki dgn wanita (biasanya suka sama suka) yg dilakukan di tempat lain tanpa disaksikan atau direstui oleh kaum keluarga: *alasanya, pernikahan Hazilimah dgn Mohd. Jidi itu kerana ~ lari dgn meninggalkan wali akrab serta bernikah di Selatan Thailand; ~-mawin* a) segala urusan kahwin; b) pertalian keluarga kerana pernikahan; ~ *paksa* kahwin (perikatan suami isteri) yg berlaku atas paksaan atau desakan orang lain (tidak dgn sepenuh kerelaan pengantin lelaki atau perempuan);**

**mengahwini 1.** berkahwin dgn, menjadikan isteri (suami): *Doris sendiri akan ~ dia, seorang pemuda Timur; kerana kecantikannya inilah, maka datuk saya ~nya; 2. berjimak (bersetubuh) dgn;*

**mengahwinkan 1.** menjadikan beristeri (bersuami), menikahkan, memperisterikan (mempersuamikan): *akhir tahun ini, ia hendak ~ anaknya; 2.* menggabungkan (mencantumkan, menyatukan) dua

unsur dll yg berlainan: *beliau cuba ~ Barat dgn Islam dlm satu sistem;*

**perkahwinan 1.** perihal berkahwin, pernikahan: *~ itu berlangsung dgn selamat;* **2.** pergabungan (perpaduan dsb) antara dua unsur dll yg berlainan: *gaya penulisan kewartawanan baru yg merupakan semacam ~ antara dunia fiksiydn dgn bukan fiksiydn.*

**kaifiat** Ar syarat dan tertib yg perlu dipenuhi utk mengesahkan sesuatu amalan: *~ mengerjakan sembahyang.*

**kail I 1.** = *mata* ~ dawai yg hujungnya berkait dan tajam (utk menangkap ikan), mata pancing; jenis-jenisnya: *~ ambur; ~ berladung; ~ kacar,* dll; **2.** alat drpd benang (tali) dan dawai yg hujungnya berkait dan tajam (utk menangkap ikan), pancing; *tali* ~ tali yg dipakai utk mengikat mata kail (utk memancing);

*~ sebentuk umpannya seekor, sekali putus sehari berhanyut = umpan seumpan ~ sebentuk prb melakukan sesuatu dgn tidak cukup persediaan bagi menghadapi segala kemungkinan (spt berniaga dgn modal alang kepalang dll); bongkok ~ hendak mendapat (mengena) prb tipu muslihat utk mencari keuntungan bagi diri sendiri; kalau ~ panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga prb kalau pengetahuan (kebolehan) itu sedikit, jangan hendak berbuat (melawan dll) sesuatu yg besar;*

**mengail** menangkap ikan dgn kail, memancing; *~ berumpan berkata bertipuan* prb utk mendapat sesuatu drpd orang haruslah pandai mengambil hatinya;

**terkail** (ter)kena kail, terpancing;

**pengail 1.** orang yg mengail; **2.** alat utk mengail (memancing).

**kail II; kail-kail** berasa sakit pd kerongkong apabila menelan, kepancingan.

**kailan** sj tumbuhan (herba) yg dibuat sayur, *Brassica alboglabra*.

**kain 1.** barang yg ditenun drpd benang kapas dll: ~ *bulu kambing*; ~ *cita*; ~ *linen*; ~ *sutera*; ~ *kapur* kain putih yg berkanji; **2.** barang tenunan yg digunakan utk pakaian atau utk kegunaan lain;

~ *baju* pakaian (spt seluar, baju, dll): ~ *basahan* a) kain yg dipakai sehari-hari; b) kain yg dipakai pd masa mandi; ~ *buruk* kain (baju lama, tuala lama, dsb) yg digunakan utk mengelap; ~ *cadar* (kain berbentuk segi empat bujur) utk melapik tilam dll); ~ *dagang dalam* kain samping yg dipakai di bawah baju kurung Teluk Belanga; ~ *dagang luar* kain samping yg dipakai di luar baju kurung Teluk Belanga; ~ *kaca* (Kej) kain bersalut serbuk kaca yg digunakan utk melicinkan atau menggilap sesuatu; ~ *kembang payung* kain yg dipotong serong dan kelihatan spt payung kembangnya (apabila dipakai); (*mendapat*) ~ *kotor* (*cemar*) datang haid; ~ *lampin* kain lembut (utk membalut bayi atau anak kecil); ~ *lurik* kain yg ditenun dgn tangan (bukan dgn mesin di kilang); ~ *sarung* kain yg dijahitkan (dicantumkan) hujung dan pangkalnya dan dipakai utk menutup tubuh dr pinggang ke bawah; ~ *selimut* kain utk menutup tubuh semasa tidur; ~ *tudung* kain utk menutup kepala;

~ *basah kering di pinggang* = ~ *ditangkap maka duduk* = ~ *tak bertepi* = ~ *dibakar tiada berbau* = spt ~ *buruk dibakar berbau* prb peri kemiskinan yg amat sangat; ~ *dlm acar* (*di*)*kutip cuci*, *dia hendak masuk ke longkang juga* prb orang yg bertabiat jahat itu tidak dapat diperbaiki lagi; ~ *jadi basahan* prb orang yg jatuh martabatnya atau orang kaya jatuh miskin; ~ *lama dicampak buang*,

~ *baru pula dicari* prb isteri lama diceraikan kerana telah jemu, kemudian berkahwin baru pula; ~ *sehelai berganti-ganti* prb perihal kemiskinan dua orang suami isteri; ~ *sehelai peminggang habis* prb kehabisan harta kerana kecurian dll; *laksana ~ putih* prb pekerti (orang yg lembut hati) yg dapat dipengaruhi orang; *mengalih ~ ke balik rumah, mengalih kata berhadapan* prb memutar perkataan (mungkir janji) mudah sahaja dilakukan; *se~ sebaju, selauk senasi, sebantak sekalang ulu, setikar seketiduran* prb tersangat erat atau rapat (bkn persahabatan); *spt ~ dlm lipatan* prb perihal perempuan yg pd zahirnya baik tetapi berbuat jahat dgn diam-diam; *spt ~ khasah di atas duri* prb perihal penyakit (perkara) yg amat susah diubati (diselesaikan); *spt berselimut ~ sehasta* prb tiada cukup (serba tanggung); *sudah tahu di ~ beragi* prb perihal orang susah yg mulai baik penghidupannya; *tak tahu akan ~ lagi = telah merabab-raba tepi* ~ prb perihal orang yg sakit payah;

**berkain** memakai kain; ~ *dua* sudah cukup umur atau akil baligh (bkn anak perempuan); (*bagai*) ~ *tiga hasta* prb tiada cukup, serba tanggung; ~ *tak cukup sebelit pinggang = tak ~ sehelai benang* prb sangat miskin.

**kaing-kaing**; ~ *rimba* sj burung, pekaka rimba, *Lacedo p. pulchella*.

**kais; mengais, mengais-ngais** **1.** mencakar-cakar atau mengorek-ngorek tanah (spt ayam yg mencari makanan), menggaru tanah (pasir): *hujung kakinya mengais-ngais tanah*; **2.** ki mencari rezeki dgn susah payah;

*ibarat ayam, tiada ~ tiada makan* prb perihal orang miskin yg tiada makan kalau tidak bekerja; ~ *pagi makan pagi, ~ petang makan*

*petang* prb pendapatan hanya cukup utk hidup sahaja (kalau tidak bekerja tidak akan makan);

**mengaiskan** 1. mencakarkan, menggarukan (jari kaki dll); 2. ki mencarikan rezeki.

**kaisar** maharaja;

**kekaisaran** daerah kekuasaan kaisar.

**kait I** 1. besi (bulu dll) yg bercangkuk hujungnya; *jarum* ~ jarum utk mengait; 2. ki sangkut-paut, tipu muslihat, sesuatu yg terselindung: *sebelum menandatangani sesuatu, periksa dahulu kalau-kalau ada ~nya*; *~-paut* sangkut-paut, hubungan atau kaitan: *musibah atas diri seseorang tidak ada ~ dgn orang lain*;

**berkait** 1. mempunyai kait, bercangkuk hujungnya: *memetik buah rambutan dilakukan dgn galah yg ~*; 2. tersangkut (pd): *duri ~ pd bajunya*; 3. = **berkaitan**;

**berkaitan, berkait-kaitan** bersangkutan, berhubungan, berkenaan: *hal-hal yg ~ dgn kewangan; perkara-perkara yg ~ dgn pelajaran*;

**keberkaitan** keadaan (hal) berkait: *terdapat ~ sistem-sistem ilmu pengetahuan tersebut*;

**mengait** 1. memetik (menarik dll) sesuatu dgn kait, mencangkuk, menggancu: *~ buah rambutan; maka datang hulubalang Pahang ~ jong itu*; 2. merajut dgn jarum kait: *ia terpaksa menyulam dan ~ renda utk nafkah hidupnya*; 3. melukai dgn sesuatu yg berkait: *duri itu ~ kakinya*; 4. ki mengambil keuntungan dll dgn cara kurang halal;

**mengaitkan** 1. menjadikan berkait (bercangkuk, bersangkutan), mencangkukkan, menghubungkan: *baginda ~ kelingking anakanda kedua-dua laki isteri*; 2. = **memperkaitkan** menjadikan



bersangkutan (berhubungan, bertalian), memperhubungkan: *perkara itu lebih menyayat hati apabila diperkaitkan dgn rencana penulis tersebut; kita selalunya memperkaitkannya dgn kebolehan utk mendapatkan ilmu pengetahuan;*

**terkait** terlibat;

**kaitan** 1. kait (benda yg hujungnya berkait); 2. hasil mengait (merajut): *alat ini digunakan utk membaiki ~ tangan atau mesin;* 3. yg diikat (dirajut): *barang ~; gelang ~;* 4. hubungan, pertalian: *perkara itu mempunyai ~ yg rapat dgn rundingan damai; tali jangan putus, ~ jangan serkah* prb menyelesaikan sesuatu perkara biarlah seadil-adilnya supaya dapat diterima kedua-dua pihak;

**keterkaitan** keadaan terkait: *aspek kemasyarakatannya diteliti dlm ~nya dgn unsur struktur karya sastera;*

**perkaitan** perihal berkait(an), perhubungan: *soal-soal yg dibincangkan mempunyai ~ langsung dgn masalah perkauman; yg menarik hati saya ialah ~ makna perkataan hias dgn gaya;*

**pengaitan** perihal mengaitkan sesuatu, pelibatan: *prinsip pembahagian kerja dan ~ tanggungjawab dan kekuasaan;*

**pengait** 1. kait (benda yg hujungnya berkait); 2. orang yg mengait: *~ kelapa.*

**kait II;** *~ besi* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Uncaria longiflora;*

**kait-kait** sj tumbuhan (pokok memanjat), gambir-gambir, *Uncaria acida;*

*~ bukit* sj tumbuhan (pokok memanjat), kekait merah, gambir-gambir hutan, *Uncaria ferrea;* *~ darat* sj tumbuhan (pokok memanjat), kait besi; *~ hitam besar* = *~ jantan* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar selembah, belalai gajah, kuku lang, *Uncaria*

*sclerophylla*; ~ (*kekait*) merah sj tumbuhan (pokok memanjat), gambir-gambir hutan, *Uncaria cordata*; akar ~ sj tumbuhan (pokok menjalar), akar onak, damai-damai, jambu kelawar, kuku lang rimba, *Zizyphus calophylla*; daun ~ sj tumbuhan (pokok menjalar), akar kuku balam (lipan), duri sakah, kuku lang, *Zizyphus oenoplia*.

**kaizen** (rahsia pembangunan Jepun) peningkatan yg berterusan (diri, organisasi, dsb) demi mencapai tahap kecemerlangan yg lebih tinggi dr semasa ke semasa dlm segala usaha yg dijalankan.

**kajai**; *tali* ~ tali pd leher kuda utk mengawalnya (kalung kuda).

**kajang 1.** benda yg dianyam drpd daun nipah (buluh, mengkuang, dll) digunakan utk atap atau pelindung drpd panas dll: *dinding rumah mereka ialah drpd ~*; **2.** helai yg besar (bkn kertas);

*kertas* ~ kertas yg besar helainya (biasanya berlipat dua); *lipat* ~ dilipat rangkap, dilipat dua, dsb; *hutang samir belum langasai*, *hutang* ~ *tumbuh pula* = *samir tak habis*, ~ *pula* prb hutang lama belum habis dibayar, sudah berhutang lagi;

**mengajangi** memberi beratap dgn kajang, menutupi dgn kajang; *usang dibarui*, *lapuk dikajangi* prb a) mana-mana yg tidak baik diganti atau dibaiki; b) adat atau peraturan yg sudah dilupakan dihidupkan kembali;

**terkajang** diberi beratap (berbumbung) dgn kajang;

**pekajangan** buritan atau bahagian belakang perahu yg beratap dgn kajang: *maka Sultan Husain segera keluar dr dlm ~ berdiri*.

**kajangan** sj ikan, *Zenaehopterus dispar*.

**kajat** □ □ □ **hajat**.

**kajau** kayau.

**kaji I 1.** pelajaran (agama dll); *~nya masih rendah* bacaan Qurannya masih sedikit; **2.** cabang ilmu pengetahuan, pengetahuan atau penyelidikan (mengenai sesuatu);

*pendek* ~ pendek kata, pendeknya; *putus* ~ sudah mengambil keputusan tetap (tidak boleh berubah lagi); *~ selidik* kegiatan atau usaha mengkaji dan menyelidik utk mengetahui kedudukan dsb sesuatu dgn nyata;

*lancar* ~ *kerana diulang*, *pasar jalan kerana diturut* prb kepandaian (kemahiran) diperoleh kerana dibiasakan mengerjakannya; *sukar* ~ *pd orang alim*, *sukar wang pd orang kaya* prb Mn orang berilmu tidak mudah atau cepat memutuskan sesuatu masalah atau membuat sesuatu keputusan dan orang kaya pula tidak mudah mengeluarkan wang kalau tidak mendatangkan keuntungan;

**mengaji 1.** = *~ Quran* (belajar) membaca Quran; (*sudah*) *khatam* ~ sudah selesai belajar membaca Quran (sudah boleh membaca Quran seluruhnya); *~ batang* belajar membaca dgn tidak mengeja satu per satu perkataannya; **2.** belajar, menuntut: *~ di sekolah kampung*; *akan* ~ *suratlah hilang*, *akan bertanya gurulah mati* prb keadaan sulit yg tiada dapat diselesaikan lagi kerana punca utk menyelesaikannya tidak ada lagi;

**mengajikan** membaca Quran utk (orang yg telah mati);

**mengkaji** menyelidik dan meneliti dgn mendalam atau terperinci (supaya benar-benar mengetahui sesuatu, supaya dapat membuat keputusan dll): *sebuah jawatankuasa khas telah dibentuk utk ~ rang undang-undang tersebut*; *ia berfikir dalam-dalam sewaktu* ~ *buruk dan baiknya hal itu*;

**terkaji** dapat diselidiki (diperiksa, diduga); *tidak* ~ tidak dapat diselidiki, tidak terduga;

**kajian 1.** kegiatan (usaha, proses) mengkaji; ~ *kes* kajian tentang sesuatu isu (institusi, orang dsb) berdasarkan data, maklumat dsb terperinci yg dikumpulkan dlm jangka masa tertentu; **2.** = **pengajian**;

**pengajian 1.** usaha atau kegiatan belajar membaca Quran, pembacaan Quran: *menjemput Pak Lebai kerana hendak diadakan kenduri berkhadam* ~; **2.** penyelidikan (yg mendalam atau terperinci), pelajaran atau perolehan pelajaran (yg mendalam atau di peringkat tinggi), kajian: *pegawai-pegawai dihantar utk membuat ~ lanjutan utk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kepakaran dlm bidang bahasa dan sastera; tamat ~nya di Universiti Malaya; Jabatan P~ Melayu di Universiti Malaya; pusat ~ tinggi* universiti atau institusi pengajian yg setaraf dgn universiti; *P~ Jarak Jauh* sistem pembelajaran secara sambilan yg ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi, yg menekankan pembelajaran secara sendiri di samping penggunaan bahan bantuan pembelajaran spt pita rakaman, sesi tutorial dan sidang video;

**pengkajian** perihal mengkaji, penelitian, penyelidikan: ~ *dan penilaian karya-karya sastera; ~ utk mencari kegunaan baru getah masih dijalankan;*

**pengkaji** (orang) yg mengkaji: ~ *sastera Melayu moden; ~ cuaca.*

**kaji II** sj ikan laut, *Plectorhynchus spp.*

**kaji alam**; ~ *hayat* pengkajian kehidupan (tumbuhan, haiwan) dlm hubungannya dgn alam sekeliling, ekologi; ~ *haiwan (hutan, tanaman dll)* kaji alam hayat mengenai haiwan (hutan, tanaman dll).

**kaji angkasa** pengkajian udara atau angkasa terutama dlm hubungannya dgn penerbangan, aerologi.

**kaji bahasa** ark pengkajian bahasa dan kesusasteraan, terutama kesusasteraan lama, filologi.

**kaji baka** pengkajian baka atau sifat-sifat keturunan pd benda hidup, genetik; ~ *manusia* kaji baka utk memperbaiki mutu manusia, eugenik.

**kaji bina**; ~ *tubuh* pengkajian bentuk dan susunan tubuh binatang dan tumbuhan, anatomi.

**kaji bintang** pengkajian kedudukan (pergerakan, keadaan) bintang (planet, bulan dan matahari), ilmu falak, astronomi.

**kaji bumi** pengkajian sejarah (susunan, pembentukan dll) kerak bumi, geologi.

**kaji bunyi** pengkajian bunyi, akustik; ~ *bahasa* pengkajian bunyi ucapan, fonetik.

**kaji burung** pengkajian bentuk (tabiat dll) burung, ornitologi.

**kaji cuaca** pengkajian gejala-gejala dan pergerakan udara, terutama utk meramalkan cuaca, meteorologi.

**kaji daya** pengkajian fizik mengenai pergerakan dan gejala-gejala tindakan daya pd benda-benda, mekanik.

**kaji fonem** (kaji foném) pengkajian fonem (analisis dan penggolongannya), fonemik.

**kaji fosil** pengkajian benda-benda hidup yg telah musnah, paleontologi.

**kaji gerak**; ~ *elektrik* pengkajian mengenai gejala-gejala arus elektrik dan kuasa-kuasa magnet yg berkaitan dengannya, elektrodinamik; ~ *haba* pengkajian mengenai perhubungan antara haba dgn pergerakan atau kerja pesawat-pesawat, termodinamik.

**kaji haiwan** pengkajian mengenai penggolongan binatang dan penghidupannya, zoologi.

**kaji hayat** pengkajian mengenai asal usul (sifat-sifat, tabiat, dll) tumbuhan dan haiwan, biologi.

**kaji kuman** pengkajian kuman-kuman, bakteriologi.

**kaji lembaga** pengkajian mengenai lembaga yg belum lahir dr binatang, embriologi.

**kaji logam** pengkajian mengenai penceraian logam dr bijihnya (penghasilannya, serta pengolahannya), metalurgi.

**kaji makna** pengkajian bahasa yg berkaitan dgn makna, semantik.

**kaji manusia** keseluruhan pengkajian manusia mengenai tubuh, bangsa dan alam sekelilingnya, antropologi.

**kaji morfem** (kaji morfém) pengkajian bentuk kata-kata, morfologi.

**kaji optik** pengkajian mengenai penglihatan dan cahaya, (ilmu) optik.

**kaji penyakit** pengkajian penyakit-penyakit (tubuh dll), patologi.

**kaji purba** pengkajian mengenai benda-benda purba terutama dr zaman prasejarah, arkeologi.

**kaji sel** (kaji sél) pengkajian sel-sel, sitologi.

**kaji serangga** pengkajian serangga, entomologi.

**kaji teknik** (kaji téknik) pengkajian mengenai pengetahuan industri, teknologi.

**kaji terbang** pengkajian dan pengetahuan mengenai penerbangan, aeronautik.

**kaji tugas organ** pengkajian mengenai tugas-tugas dan gejala-gejala benda hidup, fisiologi.

**kaji tumbuhan** pengkajian tumbuhan, botani.

**kak I** singkatan bagi kakak; ~ *cik (wan)* Kl panggilan kpd saudara perempuan yg lebih tua.

**kak II** bunyi spt bunyi orang ketawa berdekah-dekah (bunyi itik dll).

**kak III** bp hak.

**kakah I; terkakah-kakah** tertawa kuat-kuat, tergelak-gelak, ketawa berdekah-dekah.

**kakah II** Tr permukaan yg tidak rata, menggerutu: *habis ~ dinding dicakar oleh kucing.*

**kakak I** 1. saudara perempuan yg lebih tua; 2. saudara lelaki yg lebih tua, abang; 3. panggilan kpd orang perempuan yg lebih tua;

**berkakak** 1. mempunyai kakak; 2. memanggil kakak, menggunakan perkataan 'kakak' terhadap orang perempuan yg lebih tua (sbg menghormati secara mesra): *ia tidak pernah lupa ~ apabila bercakap dgn perempuan-perempuan yg lebih tua sedikit daripadanya.*

**kakak II; berkakak, berkakakan, mengakak, mengakak-ngakak** 1. mengeluarkan bunyi 'kak, kak' (spt itik); 2. = **terkakak-kakak** tertawa kak-kak-kak, ketawa gelak-gelak.

**kakaktua I** sj alat pencabut paku.

**kakaktua II** sj burung nuri; jenis-jenis: ~ *dada merah, Cacatua roseicapilla*; ~ *hitam, Probosciger aterrimus*; ~ *jambul kuning, Cacatua galerita*; ~ *putih, Cacatua alba*, dll.

**kakaktua III** sj ikan laut.

**kakanda** bh panggilan yg bermakna 'kakak' atau 'abang' (sekarang biasanya digunakan dlm surat-menyurat).

**kakang** Jw kakak, abang.

**kakap I** sj ikan laut, siakap, *Lates calcarifer*;

~ *batu* sj ikan laut, *Plectorhincus gibbosus*; ~ *merah* sj ikan laut, jenahak, sendarat, ungar, *Lutjanus argentimaculatus*; ~ *putih* sj ikan laut, *Lates calcanifer*.

**kakap II** = *perahu* ~ sj perahu yg kecil dan rendah.

**kakap III**; **mengakap** meronda, mengamati-amati, mengintai-intai, memata-matai;

**pengakap 1.** peronda, peninjau; **2.** pandu laki-laki.

**kakap IV**; *sirih* ~ sirih kerakap (daun sirih pd bahagian pangkal pokok, kasar dan keras).

**kakap V** Mn ark pegang;

**mengakap** memegang, mengerjakan atau mengusahakan (sawah dll).

**kakar** □ **kekar I.**

**kakas I** Mn kais (cakar); ~ *ayam* cakar ayam;

**mengakas** mengais, mencakar.

**kakas II** ark; **mengakas** mengerasi atau memaksa.

**kakawin** Jw sj puisi Jawa kuno.

**kakek** (kakék) Id **1.** datuk; ~ *moyang* nenek moyang; **2.** = **kakek-kakek a)**

orang lelaki yg tersangat tua: *kelihatan seorang ~ datang tergopoh-gapah*; b) sudah tua benar (bkn orang lelaki): *suaminya sudah ~*.

**kakemono** (kakémono) (Jepun) (S.Lukis) lukisan skrol Jepun yg digantung menegak di dinding.

**kaki I 1.** anggota badan (mulai dr paha ke bawah) utk berjalan (berdiri, melompat, dsb): *sebelah ~nya dilunjurkan*; ~ *kewet* Kl kaki tempang; *(ber)jalan* ~ berjalan dgn tidak menggunakan kenderaan; *mesin (jahit)* ~ mesin jahit yg dijalankan dgn kaki; **2.** bahagian kaki (anggota badan) yg di sebelah bawah (dr buku lali ke bawah): ~*nya*



*terlalu besar utk kasut itu; tapak* ~ permukaan kaki yg di bawah sekali (dr tumit hingga ke jari); **3.** bahagian (sbg penyangga atau penopang) tempat sesuatu benda berdiri: ~ *kerusi*; ~ *meja*; **4.** bahagian yg di sebelah bawah sesuatu; ~ *gunung* bahagian bawah gunung; ~ *kain* bahagian kain sarung yg di sebelah bawah; ~ *langit* bahagian langit yg kelihatan spt bertemu dgn permukaan laut atau bumi; ~ *seluar* bahagian seluar yg menyelubungi kaki (apabila dipakai); **5.** penjodoh bilangan bagi beberapa jenis benda: *se~bunga*; *se~payung*; *se~kunyit*; **6.** ukuran panjang yg sama dgn 12 inci atau 30 sentimeter: *kira-kira satu ~ setengah tingginya*; **7.** ki (orang yg) suka melakukan sesuatu: ~ *arak*; ~ *pancing*; ~ *arak* orang yg suka minum arak; ~ *bajang* tiang yg beralaskan batu dll yg lebar; ~ *bangkang* orang yg sering menentang atau tidak bersetuju dgn pandangan, pendapat dsb orang lain; ~ *bangku* (orang yg) tidak pandai bermain (menyepak) bola; ~ *botol* orang yg suka minum minuman keras; ~ *buli* orang yg suka menyakiti, menganiayai atau menakuti orang yg lemah (utk membuat sesuatu); ~ *butang* benang penjahit yg dililitkan di bawah butang yg dikenakan pd baju dll; ~ *gaduh* (orang yg) suka bergaduh; ~ *hutan tepi* (pinggir) hutan; ~ *judi* (orang yg) suka berjudi; ~ *lima* a) lantai di antara depan (deretan) kedai atau rumah dgn tepi jalan; b) lantai yg beratap yg menghubungkan dua buah rumah; ~ *(meng)umpat* orang yg suka mengumpat; ~ *pancing* orang yg suka dan biasanya pandai memancing; ~ *papan* unit ukuran papan gergaji (dgn dimensi satu kaki panjang, satu kaki lebar, dan satu inci tebal); ~ *perempuan* orang yg suka main perempuan; ~ *seribu* lari kerana ketakutan, langkah seribu; ~ *telanjang* kaki yg tidak berkasut; ~ *tengkar* orang

yg suka bertengkar; ~ *tiga* penopang kamera dll, tripod; ~ *tiung* padi  
yg hampir masak; ~ *tunggang* kaki botol;

~ *naik, kepala turun* prb tidak berhenti-henti bekerja utk mencari  
rezeki; ~ *pekuk lenggang ke perut* prb orang yg hodoh; ~ *sudah  
terlangkahkan, tangan sudah terjembakan* Mn prb sudah melakukan  
kesalahan; *berjalan peliharakan* ~, *berkata peliharakan lidah* prb  
berhati-hati apabila melakukan atau memperkatakan sesuatu; *cepat* ~  
*ringan tangan* prb sangat cekap dan suka menolong; *naik basuh* ~  
*sahaja* prb mendapat sesuatu dgn mudah sahaja; *terikat* ~ *tangan* prb  
tidak bebas atau tidak berkuasa (lagi);

**berkaki** mempunyai (memakai) kaki;

~ *seribu* lari kerana ketakutan, membuka langkah seribu; ~ *kpd (pd)*  
bergantung pd;

**mengaki** 1. turut bekerja dgn tidak mendapat bayaran (upah); 2.  
menurut segala perintah, mengabdikan, patuh: *betapa garangnya ia,  
tunduk* ~ *juga kpd anggota polis*;

~ *langit* rata (lurus) sbg kaki langit; ~ *meja* bp tidak naik darjah;

**pekaki**; ~ *layar* galah besar di sebelah bawah layar.

**kaki II** ark datuk, kakek.

**kaki III**; *burung* ~ *dian* sj burung, kedidi pantai, *Tringa totanus eurhinus*.

**kaki IV**; ~ *ayam* sj ikan laut.

**kaki V**; ~ *bayan* sj tumbuhan (pokok), singgah, tembusu tikus,  
*Pteleocarpa malaccensis*.

**kaki ayam** 1. kaki pd ayam; 2. kaki yg tidak berkasut; 3. Kl sj kuih dr  
keledek;

**berkaki ayam** tidak berkasut.

**kakis; mengakis** merosakkan (logam, batu dsb) secara tindakan (proses) kimia;

**terkakis** dapat atau telah dikakis;

**kakisan** hal atau keadaan mengakis;

**kekakisan** sifat (kuasa atau daya) mengakis: *mengenal pasti agen yg terlibat, sifat fizikal dan kimianya serta tahap ~nya adalah penting utk mengawal sesuatu agen toksik.*

**kakitangan** pekerja (pejabat, syarikat, dll), pembantu (yg turut melaksanakan atau mengurus kerja).

**kakofoni** (Lin) gabungan bunyi yg menyakitkan pendengaran atau tidak sedap didengar.

**kakografi** (Lin) **1.** tulisan tangan yg sukar dibaca; **2.** ejaan yg menyimpang drpd norma atau yg sebenarnya.

**kakok** Mn ark; **mengakok** memegang, mengusahkan, mengerjakan; □□□**kakap** V.

**kakologi** (Lin) pertuturan yg menyimpang drpd norma sebutan atau tatabahasa, mis slanga.

**kaksa** ark lapisan tanah yg mengandungi bijih timah.

**kaktus** sj tumbuhan (pokok) dr famili Cactaceae berbatang hijau, berisi dan berduri yg biasanya banyak terdapat di kawasan panas dan kering.

**kaku** **1.** tidak boleh dilentur, kejang, kejur: *mayat itu sudah ~; kerana sejuk, tangannya menjadi ~; mulutnya ~* ki mulutnya tidak boleh dibuka atau berkata-kata; *~ lidah* ki tidak dapat bercakap (berkata-kata) dgn lancar; **2.** ki tidak kemas, janggal, canggung (bkn gerak-geri dsb), tidak lancar (jalan bahasa dll), tidak hidup (lukisan dll): *plot cerpen ini dibuat-buat, wataknya ~ dan persoalan di dalamnya*

*mendatar dan ringan sahaja; gaya dan gerak-gerinya ~; bahasanya ~; lukisan itu ~;*

**kekakuan** perihal atau keadaan kaku, kekejuran, kecanggungan.

**kakus** Id jamban.

**kal** ark ukuran banyak (beras dsb) yg sama dgn cupak.

**kala I** masa, waktu, ketika; *pd ~ pd masa, pd waktu; ada ~nya, ada masanya (ketikanya), kadang-kadang; barang ~ sebarang waktu; dahulu ~ zaman dahulu, purbakala;*

**sekala;** *projek ~ projek yg dilaksanakan sekali sahaja dgn peruntukan khas; sekali ~ sekali-sekali, kadang-kadang;*

**berkala** (keluar, terbit, dsb) berulang-ulang pd waktu yg tetap (mengikut jangka waktu yg tertentu); *tiada ~ tiada tetap waktunya; majalah ~ majalah yg terbit berulang-ulang pd waktu yg tetap (pd tarikh yg ditetapkan);*

**berkala-kala** terkadang-kadang, dr semasa ke semasa;

**keberkalaan** keadaan (hal) berkala: *~ yg terangkum dlm alam fizikal.*

**kala II** sj binatang kecil yg mempunyai empat pasang kaki dan sengat pd ekornya; jenis-jenisnya: *~ bangkang, ~ jengking, ~ pisang dll; bintang ~ suatu gugusan bintang (akrab).*

**kala III** NS; *tali ~ tali tempat berpaut utk perempuan bersalin, tali agas.*

**kala IV** sl sj sutera.

**kala V** ark jerat.

**kala VI;** *~ hajat* buang air besar.

**kalah 1.** tidak menang (dlm peperangan, perkelahian, pertandingan, dll), alah, tewas: *Negeri Jerman ~ teruk dlm peperangan itu; pasukan bola sepak kita ~ dgn 3 gol berbalas 2; pertandingan ~ mati*

pertandingan yg menurut peraturannya, pihak yg kalah tidak dapat bertanding lagi seterusnya; **2.** kerugian atau kehilangan wang kerana tidak menang (dlm perjudian dll): *ia berjudi dan ~ seratus ringgit*; **3.** tidak lulus (dlm peperiksaan): *ia pandai tetapi ~ dlm peperiksaan*; **4.** tidak setanding, kurang (kebagusannya dll apabila dibandingkan dgn sesuatu yg lain), tidak sama (besarnya, kuatnya, pandainya, dll): *wanita Asia tidak ~ tentang akal fikirannya*; *memang ~lah bangunan ini kalau hendak dibandingkan dgn yg terdapat di ibu kota*; *tidak mahu mengaku ~ tidak mahu menerima (mengakui) kelebihan orang*;

*~ jadi abu menang jadi arang* prb kalah menang sama sahaja bagi kedua-dua pihak yg berkelahi (iaitu sama-sama rugi); *~ membeli menang memakai* prb sungguhpun mahal tetapi baik mutunya (tahan lama dll);

**mengalah** tidak mahu melawan (berkelahi, bertengkar, dll), mengaku kalah, (dgn tidak menentang dsb), menyerah: *Saman ~ dan tidak suka perkara itu berpanjangan*; *ia tidak mahu ~ walau apa pun yg terjadi*;

**mengalahkan** **1.** menyerang (menentang dsb) hingga pihak yg dilawan tidak dapat melawan lagi, menjadikan kalah (tertakluk dll), menewaskan: *dlm Perang Dunia II, pihak sekutu telah ~ Jerman*; **2.** mengatasi (lawan atau peserta lain dlm pertandingan dan mendapat mata yg terbanyak dsb), menewaskan: *dia memenangi pingat emas setelah ~ tujuh orang perenang lain*; **3.** mengatasi atau melebihi kebolehan (kebagusan dsb) orang atau pihak lain: *dia dapat ~ sesiapa sahaja dlm serba-serbi kecuali dlm perkara wang*; **4.** mengatakan (menganggap dsb) kalah;

**terkalahkan** dapat dikalahkan;

**kekalahan** perihal kalah, ketewasan (dlm peperangan, pertandingan, perdebatan, dll): *pasukan itu mengalami ~ teruk dlm pertandingan olahraga baru-baru ini; ~ Jerman dan Jepun dlm Perang Dunia Kedua; ~nya dlm pilihan raya itu merupakan suatu pukulan yg hebat kpd parti tersebut.*

**kalai I** Mn; **mengalai** berbaring atau bersandar pd;

**mengalaikan** membaringkan, menyandarkan.

**kalai II**; **mengalai** membersihkan dgn menggosok (barang yg berkarat dll).

**kalak** ark; *songsang* ~ terbalik, tersongsang.

**kalakanji** Mn sj tumbuhan (rumput yg mencucuk atau melekat pd pakaian); **kelakanji**.

**kalakian** sl kala itu, ketika itu, kemudian, lalu: ~, *tersebutlah pula baginda ketiga laki isteri bersuka-sukaan di dalam istana.*

**kalam I** kata, perkataan; ~ *Allah* = *kalamullah* kata-kata Allah; *akhirul* ~ akhirnya (penutup kata); *berpanjang* ~ berkata panjang lebar; *ilmu* ~ ilmu bkn iman; *tammatul-*~ tamatlah perkataan, selesailah kisah (cerita).

**kalam II 1.** alat utk menulis (drpd kabung dll); ~ *batu* pena atau alat utk menulis pd papan batu; **2.** sl kemaluan (lelaki): *maka Bendahara pun hairanlah melihat ~ raja seperti dihatankan orang.*

**kalam III** Mn sj pasir hitam bercampur emas yg diayak; *semiang* ~ sangat sedikit, terlalu kecil.

**kalamdan** sl sj kotak tempat menyimpan kalam atau pena.

**kalamina** (Kim) sj garam zink yg digunakan utk membuat ubat-ubatan.

**kalamisani;** *keris* ~ sj keris Jawa (yg lebar, lurus dan berkeluk-keluk di pangkalnya).

**kalamkari** sl sj kain cita yg berbunga.

**kalamullah** Ar (al-Quran) kalimah Allah atau kitab Allah.

**kalandar** sl orang zahid (pendeta) yg meminta-minta sedekah, fakir.

**kalang I** galang, landasan, penyangga, ganjal (spt bantal dll), alas;

~ *ayam* tempat ayam bertenggek (tidur); ~ *dada* kayu (galah) yg diikat melintang (sbg pelampung) pd perahu; ~ *dara* gelang-gelang (tali) yg mengikat andang-andang dgn tiang, kelendara; ~ *ulu* bantal kepala; *berlentang* ~ Kl lintang-pukang (tidak teratur); *besar* ~ penakut; *sempit* ~ mudah marah; *terbalik* ~ bertentangan pendapat; *tidak tentu* ~ *tumpuan*, *tidak tentu* ~ *batang* prb apabila marah semua orang digusari; *selapik seketiduran*, *sebantal se~ ulu* prb karib sekali (persahabatan);

**berkalang** bergalang, beralas, berbantal, berganjal: (*mati*) ~ *tanah* ki mati;

**mengalang** menggalang, menjadikan berbantal (berlandasan dll), mengalas, mengganjal;

**mengalangkan** menggalangkan, mengalaskan, mengganjalkan; ~ *leher* = ~ *merih* mempertaruhkan nyawa utk menolong orang lain: *saya halangi engkau beristerikan Poniem, saya kalangkan leher saya, kerana saya tahu akan akibat yg akan kauhadapi*;

**memperkalang 1.** menggunakan sbg bantal (alas); **2.** ki menjunjung tinggi;

**terkalang** tergalang, terganjal;

~ *di mata, terasa di hati* prb tergerak hati hendak mengetengahkan buah fikiran dll; *lidah* ~ prb tidak dapat membantah (menolak, menjawab, dll) permintaan orang (kerana sudah terhutang budi dll).

**kalang II; kalangan 1.** lingkungan, golongan: *sajak 'Sidang Roh' oleh Kassim Ahmad mendapat reaksi yg keras drpd berbagai-bagai ~; di ~ orang Melayu; di ~ mahasiswa; di ~ negara Barat hanya Perancis berusaha mencapai matlamat dasar luar negeri; bahasa ~ bahasa (kata-kata) yg biasa dipakai dlm sesuatu golongan tertentu: ~ atas golongan atas; 2.* lingkaran, gelanggang; ~ *ayam* gelanggang ayam; ~ *bulan* lingkaran bulan.

**kalang III;** ~-*kabut* a) kelam-kabut; b) tidak tentu fikiran (binggung).

**kalang IV;** *ikan* ~ sj ikan keli; *tertangkap di ikan* ~ prb berlawan dgn orang yg pandai (kaya, berani).

**kalap** Jw hilang akal, tidak siuman, gila, dirasuk hantu (syaitan): *bagaimanapun, persekitaran yg demikian dan dgn daya pukau yg tajam, Sang Pertapa menjadi ~, masih menolak tetapi menerimanya juga;*

**kekalapan** kebingungan.

**kalar** ark leher baju.

**kalas I** gelang-gelang atau tali dr rotan pd dayung (utk menyangkut dayung pd perahu);

**terkalas** tersangkut (dayung).

**kalas II;** *habis* ~ habis semua, tidak tinggal sedikit pun;

**mengkalas;** *cuci* ~ habis kalas, habis semua.

**kalat** sj ikan laut, *Callyodon fasciatus*.

**kalau 1.** kata penghubung (kata sendi) utk menyatakan syarat (sebagaimana yg dihuraikan berikutnya), jika, jikalau: *pekerja-*



*pekerja akan berhenti mogok ~ pihak majikan menerima tuntutan mereka; 2. seandainya, sekiranya, misalnya: ~ begitu tentu Sutan tak akan lama tinggal di rumah bukan? 3. bagi..., menurut pendapat..., sekiranya (saya dll) yg terlibat atau yg memutuskan dsb: ~ saya, budak itu sudah patut dihukum;*

**kalau-kalau** barangkali, jangan-jangan, takut-takut, adakah (apakah)...: *ia bimbang ~ ada orang yg melihatnya; segala menteri dan penggawa pergi mencari paduka anakanda baginda pd segenap rimba dan padang ~ ada jatuh diterbangkan Dewa Sukma Belantara;*

**kalaupun** walaupun, jika pun, sekalipun: *~ ada, tidak terbayar kita harganya;*

**berkalau-kalau** mengatakan sesuatu yg tidak pasti dgn mengatakan kalau berkali-kali, atau memberikan pelbagai alasan: *mengapa pula ~ Fikri?; budaya ilmu menjauhkan masyarakat drpd membuat serkap jarang, ~ dan berpura-pura.*

**kalbu** hati (pusat segala perasaan batin), sanubari: *~ zakiah hati yg suci murni.*

**kaldu** air daging yg direbus.

**kaleidoskop** (kaléidoskop) **1.** sj alat mainan (berbentuk tiub, dgn lubang kecil pd satu penghujung) yg membolehkan seseorang melihat corak tertentu yg berwarna-warni (melalui lubang tersebut) apabila tiub itu diputar; **2.** pola warna, imej, dsb yg sering berubah dgn cepatnya.

**kalem** IB tidak terburu-buru (tergesa-gesa), sabar, tenang.

**kalendar** (kaléndar) **1.** jadual atau susunan tarikh bagi sesuatu tahun yg diatur mengikut hari (dlm minggu) dan bulan (dlm tahun), takwim, almanak, penanggalan; *~ dinding kalendar yg digantungkan di*

dinding; **2.** senarai atau jadual (tarikh) peristiwa sesebuah organisasi dlm tahun berkenaan.

**kalender** (kaléndér) mesin yg digunakan utk melicinkan kertas atau kain (dgn melalukan kertas atau kain itu menerusi suatu susunan silinder keluli).

**kaleng** (kaléng) **1.** besi tipis yg berlapis timah, tin: ~ *sering digunakan utk membuat cerek dsb; surat* ~ surat terbang (surat buta); **2.** bekas berbentuk silinder, dibuat drpd tin utk mengisi cecair dsb, tin: *makanan dlm ~;*

**kalengan;** *kaleng-~; =~ ; = makanan* ~ makanan yg diawetkan dlm kaleng, makanan dlm tin.

**kalerek** (kalérék) Id, bp kerani.

**kali** **I** **1.** darab (digunakan utk menggandakan, memperbesar, memperbanyak sesuatu jumlah atau bilangan): *tiga ~ empat (jadi) dua belas; hasil* ~ hasil mendarabkan bilangan; *tanda* ~ tanda □ (dlm kira-kira darab); **2.** waktu (kejadian dll) yg berturutan atau berulang-ulang, ketika atau waktu berlakunya dll sesuatu: *setiap ~ orang datang, ia disuruh keluar; jam di dinding berbunyi lapan ~; inilah ~ kedua berlakunya kemalangan di tempat itu minggu ini; bilang* ~ setiap kali; *julung* ~ pertama kali;

**kali-kali** daftar hasil darab yg tersusun, sifir;

**sekali** **1.** satu kali: ~ *angkat saja, habis semuanya; sambutan itu diadakan setahun ~;* **2.** suatu ketika (waktu dsb); ~ *persetua (peristiwa)* pd suatu kejadian (digunakan dlm sastera lama utk memulakan cerita); **3.** semuanya pd satu waktu (dilakukan, dikerjakan, dll), pd waktu yg sama, sekali gus, (dgn) serentak: *menghulurkan empat keping tiket ~; Menteri pun bangkit membuat*

*laporan lalu mengusulkan ~ supaya rang undang-undang itu dibaca bagi kali yg ketiga; 4. semuanya atau seluruhnya bersama-sama (tidak ada kecualinya), berserta dgn yg lain(nya), juga: kalau dia pun berada di situ, tangkap dia ~; kaedah menulis karangan diberikan dlm setiap pelajaran dgn contoh dan latihannya ~; 5. amat, terlalu, sangat: orang yg penting ~; rumah itu bagus ~; ia berada di muka ~; ~ lalu a) = ~ imbas sepintas lalu, sambil lalu; b) (dgn) serentak, sekali gus; ~ harung bp semuanya dibuat (dikerjakan, diselesaikan dsb) dgn satu kali sahaja atau secara serentak pada masa yg sama, sekali gus;*

**sekali-kali** langsung, sama sekali, sedikit pun: *tak mahu ~; jangan ~ berbohong; masalah wanita dlm perundangan Islam tidak ~ boleh dilihat dr satu sudut sahaja;*

**sekali-sekali, sesekali, sekali-sekala** kadang-kadang, ada kalanya: *~ ia pergi ke tingkap dan menjenguk ke luar; sesekali pd waktu malam, terdengar juga bunyi ledakan meriam; sekali-sekala kedengaran bunyi guruh mendayu-dayu;*

**sekalipun** = *jika.... ~ = walau..... ~ meskipun, walaupun, biarpun, sungguhpun: aku tidak mahu menyalahkan sesiapa, ~ kau; kalau sudah jadi saudagar kelak, walau saudagar kecil ~, tentu aku takkan hina benar lagi di mata orang;*

**bersekali** bersama-sama sekali (dgn), berserta (dgn): *bawakan Balai Tinjau Maya, bidadari dan gajah putih sepasang ~ dgn rantai emas;*

**berkali-kali** beberapa kali (berturut-turut), berulang kali, kerap kali, sering kali: *mereka membunyikan hon lori itu ~; ~ sudah saya ingatkan dia;*

**mengalikan, memperkalikan** mendarabkan, menggandakan: ~ 2  
*dgn 7 (= 14);*

**kalian 1.** = **sekalian**; **2.** bp awak (kamu) semua: *biarlah ~ dulu, aku akan menyusul*; ~ *memang begitu, suami isteri serupa saja*; *daftar ~ kali-kali, sifir*;

**sekalian 1.** semua(nya), segala: ~ *perompak kembali ke bahteranya; kami dgn rendah hati mempersilakan anda ~ utk mengirimkan rencana bahasa*; **2.** = *kamu ~ kamu (awak) semuanya*; **3.** sekali jalan (membuat sesuatu di samping membuat sesuatu yg lain), serentak (melakukan dll), sambil;

**perkalian 1.** pendaraban, perbanyakan, pergandaan; **2.** hasil darab;

**pengali** Id pendarab;

**pekali** angka yg ditulis sebelum sesuatu lambang: *dlm 7 abx, 7 ialah ~ bagi abx.*

**kali II** Jk barangkali: ~ *dia sakit.*

**kali III** Jw sungai.

**kali IV** kadi.

**kaliber 1.** besarnya lubang senapang (meriam, pistol) atau besarnya peluru; **2.** kebolehan (kemampuan, kecekapan) berfikir dll: *yg menentukan kalah menangnya parti itu dlm pilihan raya ini kelak ialah ~ calon-calonnya yg bertanding*;

**berkaliber** mempunyai kaliber (kecekapan berfikir dll): *wartawan-wartawan yg ~ lagi bertanggungjawab.*

**kalibut** Mn huru-hara.

**kalicau** Mn; **mengalicau** mengelak, menjauhkan diri (dr sesuatu);

**mengalicaukan** mengelakkan.

**kalifornium** (Kim) sj unsur logam.

**kaligrafi 1.** seni menulis dgn indah, seni khat; **2.** tulisan tangan yg menghasilkan huruf atau tulisan yg indah sbg suatu seni, khat.

**kalih; berkalih** sl beralih; ~ *muka* berpaling muka; ~ *tidur* beralih letak badan (sewaktu tidur).

**kalikanji** □ **kalakanji.**

**kalikausar I, kalikasar** sl barang-barang.

**kalikausar II** sl telaga kausar (sungai di syurga).

**kaliki** Mn betik, pepaya.

**kaliks** lingkaran daun (disebut sepal) yg membentuk salut luar pd bunga yg melindungi kudup bunga.

**kalimah** Ar lafaz yg dituturkan oleh manusia; (*dua*) ~ *syahadat* = ~ yg *dua* lafaz ikrar bahawa seseorang beriman kpd Allah dan Nabi Muhammad SAW dgn ungkapan yg bermaksud “aku naik saksi bahawasanya tidak ada Tuhan yg disembah melainkan Allah, dan aku naik saksi bahawa (Nabi) Muhammad ialah Rasul Allah.”

**kalimantang I 1.** sj panji-panji putih yg panjang; **2.** cahaya yg kelihatan spt jalur putih memanjang;

**mengalimantang 1.** bercahaya putih memanjang dlm gelap; **2.** beraneka warnanya (cahayanya).

**kalimantang II** sj binatang, kelemayar.

**kalimat 1.** ayat; *anak* ~ ayat kecil yg tidak dapat berdiri sendiri dan bergantung pd atau menjadi sebahagian drpd ayat yg lain (ayat majmuk); *induk* ~ ayat yg dapat berdiri sendiri sbg ayat lengkap dan menjadi bahagian yg terpenting atau ayat pangkal dlm ayat majmuk (bersusun); **2.** perkataan; ~ (*kata*) *lepas* kalimat (kata) yg berdiri sendiri (tidak berhubungan dgn yg lain).

**kalimatullah** Ar kata-kata Allah.

**kalimatusyahadat** Ar dua kalimah syahadat; □ **kalimah**.

**kalimaya, kalimayah** Jw kelemayar.

**kalimpanang** ark; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat); **kelempenang**.

**kalimut; mengalimut** Br memburuk-burukkan atau mengata-ngatakan orang lain di belakang, mengumpat.

**kaling; kolang-~;** □ **kolang**.

**kalingan** Jk terlindung (tersembunyi) oleh barang yg ada di hadapan.

**kalio** sj lauk yg dibuat, biasanya drpd ayam yg dimasak dgn cili, santan, dll: ~ *ayam*.

**kalipso** sj rentak (irama) muzik yg berasal dr Hindia Barat.

**kalis I** 1. tidak berkilat atau bersinar (bkn kaca, barang logam, dll, kerana berselaput sesuatu dll), pudar, suram; 2. tidak dapat dimasuki (diserapi) sesuatu (spt air dll): ~ *air*; ~ *gas*; 3. tidak dapat (boleh) kena penyakit;

~ *air* tidak dapat dimasuki air; ~ *api* tidak boleh terbakar atau dijilat api (bkn pakaian, pintu dsb); ~ *bunyi* tidak boleh ditembusi bunyi (bkn bilik dsb); ~ *cuaca* tidak mudah rosak apabila terdedah kpd cuaca (bkn cat dsb); ~ *debu* tidak boleh dimasuki atau dilekati debu (bkn bilik, peralatan elektronik dsb); ~ *gas* tidak dapat dimasuki gas; ~ *jais* tidak dapat menerima ajaran atau nasihat; ~ *karat* tidak dapat dimakan karat, biasanya disaluti bahan pencegah karat; ~ *peluru* tidak boleh ditembusi peluru.

**kalis II** Tr biasa dgn sesuatu: *perut dia tak kembung makan nasi mentah sebab sudah ~*.

**kalium** (Kim) sj unsur logam yg sangat reaktif dan mudah teroksida di udara, digunakan utk membuat baja; ~ *hidroksida* sj sebatian tak organik yg sangat mengakis.

**kalkalah** □ **qalqalah.**

**kalkasar** □ **kalikausar I.**

**kalkausar** □ **kalikausar II.**

**kalkulus** kaedah perkiraan yg menggunakan simbol-simbol atau lambang-lambang algebra.

**kalkulasi** Id perkiraan belanja (mencetak dll).

**kalkulator** alat elektronik atau mekanikal utk membuat kiraan matematik.

**kalkun** IB ayam belanda.

**kalo I** Jw **1.** ayak; **2.** tapis.

**kalo II** bp kalau.

**kalo**i sj ikan darat, ikan gurami, *Osphronemus goramy*.

**kalong** Jk keluang.

**kalar** Id haba; ~ *jenis* perbandingan haba; ~ *lebur* haba yg dapat meleburkan sesuatu logam dll.

**kalori 1.** unit kuantiti haba (banyaknya haba yg diperlukan utk menaikkan suhu satu gram air sebanyak  $1^{\circ}\text{C}$  dr suatu paras suhu yg tertentu, yg bersamaan dgn 4.2 joule); **2.** unit ukuran bagi nilai tenaga makanan.

**kalorimeter** (kaloriméter) (Kim) radas yg digunakan utk mengukur kuantiti haba yg terhasil sewaktu berlakunya tindak balas kimia; ~ *bom* radas yg digunakan utk mengukur kuantiti haba tindak balas, terutamanya haba pembakaran bahan makanan dan bahan api.

**kalorimetri** (kalorimétri) (Kim) pengukuran kuantiti haba yg terhasil sewaktu berlakunya tindak balas kimia, perubahan keadaan jirim, atau pembentukan larutan.

**kalot** Kl; ~-*kibut* kelam-kabut.

**kalowatan** ark babi hutan yg bertaring, babi rusa.

**kalpat** □ **kelepat.**

**kalsit** (Kim) kalsium karbonat semula jadi yg berbentuk hablur, dan merupakan juzuk utama batu kapur, batu marmar, kapur, dll.

**kalsium** (Kim) sj unsur logam yg lembut dan putih;

~ *hidroksida* sebatian tak organik berbentuk hablur putih, dan digunakan utk membuat simen, bahan turap, dll, kapur, kapur mati, kapur kaustik; ~ *klorida* sebatian tak organik berbentuk hablur putih (digunakan utk mengeringkan benda-benda, dll); ~ *oksida* sebatian tak organik berbentuk pepejal putih, yg digunakan utk membuat racun serangga, racun kulat, agen pengering, dll, kapur tohor.

**kalu** 1. kalau, jikalau; 2. Kd penapis santan yg dibuat drpd buluh atau rotan anyaman.

**kalui** kaloi.

**kaluk** bp kalau.

**kalulus** sl sj perahu; □ **kelulus**.

**kalung I** benda hiasan (drpd emas, batu permata, dll) yg dipakai di leher, rantai leher;

**berkalung** memakai kalung;

**mengalungkan** mengenakan (menyangkutkan) sesuatu sbg kalung pd leher: *beliau dikalungkan dgn bunga malai*;

**kalungan** sesuatu yg bergelung spt kalung: ~ *bunga*.

**kalung II** sj tumbuhan (pokok yg tinggi), medang biawak, setebal, *Alangium nobile*; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), cabai hutan, *Piper lanatum*; akar ~ *gajah (ular)* sj tumbuhan (pokok memanjat), lada rimba, sirih murai, *Piper ribesioides*.

**kalung III** Tr membaling: *jangan ~ anjing tu, nanti kena kejar*.

**kalus** (Bio) 1. tisu pelindung yg keras yg terbentuk pd bahagian tumbuhan berkayu yg luka; 2. bahagian kulit yg menjadi tebal atau keras,



terutamanya pd tapak tangan atau tapak kaki, disebabkan oleh geseran atau tekanan berterusan, kulit kematu, belulang.

**kalut** = **berkalut** **1.** tidak teratur, tidak aman (tenteram, tenang), kacau, kusut: *kalau tidak ada pemerintah tentu negeri ~; hati Tajurim demikian ~; fikirannya ~*; **2.** bercakap yg bukan-bukan (spt orang yg sakit kuat dll), meracau, ngaco: *kerana sakitnya berat, maka ia ~*;

**mengalutkan** menjadikan kalut: *dia mula pening sendiri dlm kekacauan yg begitu ~*;

**kekalutan** kekacauan, kekusutan: *~ politik.*

**kalut-malut** kacau-bilau (kelam-kabut), kalut-marut;

**mengalut-malutkan** menjadikan kalut-malut.

**kama** (Sanskrit) **1.** cinta, asmara; **2.** dewa cinta.

**kamal** Ar sempurna, lengkap serba-serbinya.

**kaman** bangsal.

**kamap** sj tumbuhan dlm famili Olacaceae, kemap, petaling gajah, *Strombosia spp.*

**kamar** **I** bilik, ruang;

*~ baca* bilik (ruang) tempat membaca; *~ besi* bilik yg berlapis besi utk menyimpan barang-barang berharga; *~ bicara* bilik tempat berunding; *~ bola* rumah tempat bersenang-senang, kelab; *~ gelap* a) bilik yg bertutup rapat di penjara; b) bilik gelap utk mencuci (membuat) gambar foto; *~ kecil* jamban; *~ mandi* bilik tempat mandi, bilik air; *~ mati* bilik tempat menyimpan mayat; *~ tamu* bilik utk menyambut tetamu; *~ tidur* bilik tidur;

**sekamar** (berkongsi menginap) satu bilik, sebilik: *dulu dia tinggal ~ dgn kau*;

**mengamar** Jk bermalam (di rumah tempat bekerja), tidak pulang pd malam hari (bkn orang gaji).

**kamar II** Ar bulan; **alkamar**.

**kamar III, kamarban** sl ikat pinggang: *maka dikurniai Shah Alam akan Sultan Mansor Shah itu drpd kullah dan ~.*

**kamariah**; Ar *tahun* ~ tahun yg dihitung menurut peredaran bulan.

**kamat I** Ar seruan (selepas bang) utk mendirikan sembahyang, iqamat.

**kamat II** Kl sangka, fikir, teka: *saya ~ Kelantan akan menang dlm perlawanan bola sepak kali ini.*

**kamat III**; *kayu* ~ sj tumbuhan pokok dan kayunya; □ **kampit II**.

**kambai**; ~ *hutan* sj (pokok), *Wormia oblonga*.

**kamban**; **mengamban** mengikat, membebat.

**kambang** terapung di atas air (udara dll);

*balai* ~ balai di atas air; *bom* ~ ranjau laut;

**mengambang** terapung atau terkatung-katung (di atas air atau di udara): *bulan* ~; □ **ambang II**.

**kambar, kambau** ark sj penyu, katung.

**kambas, kambéh** (kambéh) Mn buah peria.

**kambeli** sj kain kasar yg dibuat drpd bulu domba: *selimut* ~.

**kambi** jalur papan dsb yg dipasang melintang pd bahagian bawah dinding dekat lantai dsb sbg tujuan kemas;

**berkambi** memakai kambi, berbingkai;

**mengambi 1.** mengenakan (memasang) kambi; **2.** membuat kambi.

**kambiang** □ **kiambang**.

**kambing I** sj binatang mamalia spt domba atau biri-biri, *Capra spp.*; ~ *bengala*; ~ *kacang*; ~ *kibas*, dll;

~ *benggala* kambing besar (berbulu panjang); ~ *gurun* = ~ *hutan* sj kambing, *Capricornis sumatrensis*;  
~ *randuk menjadi hitam* ki orang yg dipersalahkan; *senyum(-senyum)* ~ senyum sedikit; *spt ~ putus tali* (pergi, lari) dgn cepat;  
~ *keramat* prb orang yg ditakuti dan bebas membuat sekehendak hatinya; *anak ~ tak akan jadi anak harimau* prb orang yg pengecut (bodoh) tidak akan menjadi berani (pandai); *bagai ~ dlm biduk* prb perihal orang yg ketakutan (tidak dapat berbuat apa-apa); *bagai ~ harga dua kupang = menggelinjang* *bagai ~ berulat* prb tidak senonoh perangnya, keanak-anakan; *bagai ~ diseret ke air* = *bagai ~ dimandikan pagi* prb perihal orang yg malas dan enggan kalau disuruh melakukan sesuatu; *bagai ~ dijunjung* prb jerit atau teriak orang yg sangat penakut; *bagai ~ lepas ke parak* prb dapat memilih apa sahaja pd tempat yg mewah dll; *masuk kandang ~ mengembek*, *masuk kandang kerbau menguak* prb menyesuaikan diri dgn golongan yg dicampuri atau pd tempat seseorang itu berada; *menanti pelir ~ terputus* prb menantikan sesuatu yg mustahil sampainya; *spt ~ dgn harimau* prb orang yg lemah bertanding dgn orang yg kuat; *spt ~ dikuliti hidup-hidup* prb kesakitan yg amat sangat; *umpama ~ kecil*, *merentak tidak memutus tali*, *berantuk tidak melambung bumi* prb orang yg dianggap ringan kerana tidak berkuasa apa-apa.

**kambing II**; *burung* ~ sj burung, celong, burung temenggang, gembala gajah, *Platysmurus leucopterus*.

**kambing III**; ~ *rumpit* sj tumbuhan (dibuat ubat luka).

**kambing hitam** orang yg dipersalahkan dlm sesuatu kejadian;

**mengambinghitamkan** mempersalahkan seseorang dlm sesuatu kejadian, menyalahkan atau menunjukkan kesalahan (orang dll).

**kambing-kambing I;** *ikan* ~ sj ikan laut.

**kambing-kambing II;** *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar (batu) pelir kambing, *Sarcolobus globosus*.

**kambium** (Bio) lapisan sel yg menghasilkan sel-sel baru (terletak di antara xilem dan floem sekunder) pada tumbuhan yg mempunyai xilem dan floem.

**kambrat** Jk teman, kawan.

**kambu I** sj kepala ombok atau pemukul; *buat* ~ menipu orang (dgn menyuruh ambil bilah yg terpendek dr bilah-bilah yg tidak sama panjangnya dlm genggamannya).

**kambu II, kambuh** jatuh sakit lagi (dgn lebih teruk drpd yg dahulu).

**kambus; mengambus** menimbus, menimbuni (menutupi) dgn tanah dll:

*kalau tidak dikambus, bangkai itu tentu berbau busuk;*

**terkambus 1.** tertimbus (tertimbun) dgn tanah dll; **2.** menjadi tohor atau cetek (mis sungai, kerana penuh pasir dll).

**kambut** sj kampil (bakul) yg dianyam drpd daun mengkuang dll.

**kamceng** (kamcéng) bp rapat, akrab (bkn hubungan): *berhati-hati bercakap, mereka berdua ~ betul.*

**kameleon** (kaméléon) sj binatang kecil seakan-akan cicak drpd famili Chamaeleontidae, yg kulitnya boleh bertukar warna mengikut keadaan sekeliling.

**kameli** □ **kambeli.**

**kamera** (kaméra) alat utk mengambil gambar foto;

~ *digital* kamera yg menghasilkan imej digital yg boleh disimpan dlm komputer, dipaparkan pd skrin dan dicetak; ~ *kandid* kamera kecil utk mengambil gambar seseorang, biasanya tanpa pengetahuannya; ~ *polaroid* kamera yg dapat menghasilkan gambar segera selepas sahaja

gambar sesuatu objek diambil; ~ *video* kamera yg dapat merakamkan gambar serta bunyi; ~ *web* sj kamera yg disambungkan pd komputer, yg menghasilkan imej bergerak yg dapat dilihat pd skrin komputer menerusi Internet.

**kamfor** (Kim) sebatian yg berbentuk hablur putih, terdapat semula jadi dlm pohon kapur barus *Cinnamomum camphora*, dan digunakan utk membuat ubat-ubatan, racun serangga, bahan letupan, dll, kapur barus.

**kamhar** **1.** benang yg dibuat drpd bulu domba, benang bulu; **2.** kain yg dibuat drpd benang bulu domba.

**kami** **1.** saya sekalian (saya dan rakan-rakan saya semua): *sudah lama ~ menunggu awak di sini*; **2.** saya, aku: *tidaklah ~ panjangkan cerita tersebut*.

**kamiah** Ar kuantiti sesuatu benda.

**kamik**; *komak*-~; □ **komak**.

**kamikaze** (kamikazé) juruterbang tentera udara Jepun yg sanggup mati dgn menjunamkan pesawatnya pd sasaran musuh semasa Perang Dunia II.

**kamil** Ar ark sempurna, lengkap: *insan ~*;

**kekamilan** perihal (sifat atau keadaan) kamil, kesempurnaan: *kamu terlalu taasub kpd kemajuan sehingga terlupa pd ~ insan yg bersaudara denganmu*.

**kamir I** ragi utk tapai dll.

**kamir II** Kl; **mengamir** mengadun.

**kamis** = **kamisa** Ar kemeja.

**kamit**; *kumat*-~; □ **kumat**.

**kamkam** = *tulang* ~ tempat rahang atas dan rahang bawah bersambung, tulang pengancing rahang.

**kamkha** sl □ **kimkha**.

**kamkorder** kamera video mudah alih yg kecil.

**kampa, kampah** ark sj tumbuhan (pokok renek), *Pisonja alba*.

**kampai** Mn; **berkampai, berkampaian** berselerakan, berkaparan: *mayat-*

*mayat musuh* ~ *di tempat pertempuran itu*;

**mengampai** berbaring: *Rijnhaard* ~ *di atas kerusi malas*;

**mengampaikan** membaringkan: *ia* ~ *tubuhnya di atas katil*;

**terkampai** terbaring (kerana letih dll): *sekujur badannya lemah dan ia pun* ~ *di atas kerusi malas itu*.

**kampak** □ **kapak I**.

**kampang** sj siput yg biasa terdapat pd kapal dll, *Teredo navalis*; **kapang I**.

**kampanye** IB □ **kempen**.

**kampas** IB sj kain tebal dan kuat;

**mengampas** melapisi dgn kanvas.

**kampemen** (kampemén) IB berek tentera, sekumpulan rumah atau perkhemahan tentera.

**kamper** IB kapur barus.

**kampil I** kampil atau bekas yg dianyam drpd mengkuang dll; □ **kampit**.

**kampil II, kampilan** ark sj pedang atau kelewang (pedang pendek yg bilahnya makin lebar ke hujung).

**kampit I** sj sumpit atau beg yg dianyam drpd daun mengkuang dll; **kampil I**.

**kampit II** sl; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok dan kayunya yg biasa digunakan utk membuat cap raja-raja).

**kampiu** IB **1.** johan, juara (dlm pertandingan, perlumbaan, dsb); **2.** bp pandai (baik, pintar) sekali.

**kampoi;** ~ *benang* Kd menggulung, melilit benang pd sesuatu: *dia* ~ *benang*.

**kampret** (kamprét) Jw kelelawar kecil.

**kampuh** **1.** dua lapis kain (kertas dll) yg dijahit menjadi satu; **2.** kain selimut dll yg dijahit dr tiga lapis kain; *kain* ~ kain sarung yg dijahit dr dua helai kain menjadi satu;

**berkampuh** memakai kampuh sbg selimut dll, berselimut dll dgn kampuh; *pisau* ~ pisau yg bermata dua pd hujungnya; *dek sukar* ~ *ijuk, nan adat diturut jua* Mn prb bagaimana miskin sekalipun, adat terpaksa diturut juga.

**kampung** **1.** kawasan kediaman (terdiri drpd sekumpulan rumah dll) di luar bandar, desa, dusun: ~*nya terletak kira-kira 12 km dr Kuala Lumpur; (ketua) kepala* ~ orang yg menjadi ketua kpd penduduk kampung; *orang* ~ a) penduduk kampung; b) orang yg tidak moden (masih berpegang pd kebiasaan atau tradisi lama); *rumah* ~ rumah yg reka bentuknya (buatannya dsb) spt yg lazimnya terdapat di kampung; *tanah* ~ tanah yg terletak di kawasan kampung (bukan tanah di kawasan perbandaran); **2.** kawasan dlm bandar tempat sesuatu kaum tinggal berkelompok: ~ *Cina*; ~ *Melayu*; **3.** ki tidak moden, agak kolot: *datuknya masih* ~; **4.** bukan dihasilkan (dipelihara dll) dgn cara pengurusan moden, terpelihara (terhasil, terjaga, dll) cara kampung; *anjing* ~ anjing liar yg tidak dipelihara; *ayam* ~ ayam yg dipelihara dgn cara biasa di kampung; *kopi* ~ kopi yg bukan dr ladang (perkebunan dsb);

~ *dunia* dunia yg dilihat sbg sistem yg bersepadu keseluruhannya yg semua bahagiannya saling bergantung; ~ *halaman (laman)* kampung tempat lahir;

**berkampung** berhimpun, berkumpul: *malam tadi kita ~ adik-beradik serta saudara-mara; sekalian rakyat pun ~lah;*

**mengampungkan** menghimpunkan, mengumpulkan: *kampungkanlah segala rakyat;*

**kampung** 1. ada kaitannya dgn kebiasaan, tradisi, dsb yg terdapat di kampung: *yg menarik tentang Ngoyang ialah mitos dan nilai tradisi teater ~ yg wujud di dalamnya;* 2. ki tidak moden, kuno: *akronim mesti membentuk nama yg indah yg tidak ~;*

**kekampungan** bersifat kampung (penghidupan, keadaan, adat resam, dll), (masih) berasaskan kebiasaan (tradisi dsb) yg dipegang atau diikuti penduduk kampung: *ia mencemuh cara hidup kita yg dianggapnya ~;*

**perkampungan** 1. mengenai (berkaitan dgn) kampung: *pegawai ~;* 2. kelompok (kumpulan) kampung: *daerah ~; mereka dibawa ke kawasan ~ baru;* 3. tempat berkampung (berhimpun): *sesudah dua hari berjalan kaki, sampailah kami ke ~ bala tentera itu;* 4. sekelompok, sekumpulan.

**kampus** kawasan serta bangunan sesebuah universiti atau institusi pengajian tinggi.

**kamsen** (kamsén) bp komisen.

**kamsia, kamsiah** C, bp terima kasih.

**kamu** 1. kata ganti diri kedua (orang yg menjadi lawan bercakap), awak, engkau; 2. = ~ *sekalian* engkau sekalian, engkau (awak) semua;



**berkamu** memakai perkataan kamu (biasanya sewaktu bertutur dgn orang lain): *baiklah kita bersebut nama dan memakai perkataan biasa saja, berengkau, ~, sebab begitu lebih mesra rasanya.*

**kamus I** buku yg mengandungi kata-kata dll (yg disusun menurut abjad) dgn keterangan mengenai makna perkataan dll: ~ *bahasa kebangsaan; ~ Melayu-Inggeris;*

**mengamuskan** memasukkan ke dlm kamus;

**perkamusan** perihal (yg berkaitan dgn ) kamus (penyusunannya, ilmu mengenainya, dll): *Bahagian P~, Dewan Bahasa dan Pustaka; lapangan ~; projek ~;*

**pekamus** orang yg menyusun kamus, penyusun kamus.

**kamus II** Jk **1.** samak; **2.** kulit yg disamak.

**kan I** singkatan bagi bukan atau bukankah: *~kah gitu yg baik?*

**kan II** singkatan bagi akan; *tak~* tidak akan.

**kan III** ark langkan (pd perahu).

**kan IV** sj cerek atau teko (tempat air teh dsb).

**kana I;** *buah* ~ buah yg sudah dikeringkan dan diasinkan atau dimaniskan.

**kana II;** *gelang* ~ gelang yg dipakai di lengan oleh pengantin dll; □  
**gelang I.**

**kana III** (Lin) kata umum bagi hiragana dan katakana, iaitu sistem tulisan bahasa Jepun.

**kanaah, kanaat** Ar → **qanaah.**

**kanabis** **1.** pokok hem; **2.** sj ganja (bahan dadah).

**kanak;** **kanak-kanak** budak lelaki atau perempuan yg masih kecil (biasanya yg belum berumur lebih drpd 7 atau 8 tahun): ~ *yg tidak berdosa; pantun ~; bahasa ~* bahasa anak kecil;

**kekanak-kanakan 1.** spt kanak-kanak (tingkah laku, fikiran, dll), keanak-anakan: *berkelakuan ~; ketawa ~*; **2.** Id terbantut (terhenti) pertumbuhan bahagian tubuh atau kecerdasan.

**kanal** IB, bp terusan, saluran, tali air.

**kanan 1.** bahagian (pihak) yg berlawanan dgn kiri, bahagian (pihak) yg di sebelah timur kalau kita berdiri menghala ke utara; *tangan ~ a)* tangan yg di sebelah kanan (biasanya digunakan utk makan); b) pembantu yg utama (penting), orang harapan; *langkah ~ a)* nasib baik (beruntung); b) saat yg baik (beruntung); **2.** penting (utama), tinggi kedudukannya (pangkatnya dll): *pegawai ~ kerajaan*; **3.** yg mengikut atau berdasarkan aliran politik yg sederhana (konservatif, tidak revolusioner): *pemerintahan masih dikuasai oleh parti yg berhaluan ~; puak ~ tetap menguasai pemerintahan negeri itu*;

**menganan** (berpusing, berbelok, dll) ke arah kanan;

**menganankan** membawa (memusingkan dll) ke arah kanan, mengarahkan ke kanan;

**terkanan 1.** berada di tempat yg paling kanan; **2.** terkemuka (terutama, tertinggi, dll): *dua orang pegawai ~ Kementerian Luar telah dikirim ke P.B.B*;

**kekananan** kedudukan yg lebih tinggi berbanding dgn kedudukan orang atau jawatan lain (dlm struktur pentadbiran dsb): *salah satu pertimbangan bagi pelantikan tersebut ialah ~ pegawai-pegawai yg memohon*.

**Kanaq** penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Melayu-Proto yg tinggal di kawasan pinggir Kampung Selagi, Mawai daerah Kota Tinggi, Johor.

**kanbus** ark → **gambus**.

**kancah I** 1. kawah, kualiti besar; 2. keadaan (sukar, perang, penderitaan, dsb), gelanggang (politik, perjuangan, dll), medan: ~ *perjuangan*; ~ *krisis*;

~ *politik* medan atau gelanggang politik; ~ *revolusi* keadaan revolusi yg sedang berkecamuk;

*spt* ~ *ditawar* Mn prb ternganga (tidak bercakap dan tidak menjawab dlm perbincangan dll); *pitis sekupang genap, hendak membeli* ~ *berkerawang, nuri pandai berkata* prb perihal orang yg tidak berkemampuan tetapi berkemahuan spt orang kaya.

**kancah II** peluk, sepemeluk;

**terkancah** terlibat dlm kesukaran dll.

**kancang KI**; **berkancang** bekerja beramai-ramai, bergotong-royong.

**kancap** Jk hingga sama paras dgn tepinya (bkn air dlm kolam dll), sangat penuh.

**kanceh** (kancéh) Mn ark; **terkanceh** terbantut (terhenti) pertumbuhannya, kerdil.

**kancil** 1. sj mamalia menceruh yg kecil, tidak bertanduk yg terdapat di bahagian tropika Asia dan Afrika Barat; 2. ki orang yg cerdik (pintar); *akal* ~ tipu muslihat yg licin, cerdik (dgn tipu muslihatnya).

**kancing I** 1. alat (spt cangkuk) utk menutup (merapatkan) baju dll yg berbelah; 2. butang (baju dll); 3. = **pengancing** alat spt selak dll utk mengunci (menutup) pintu (tingkap dll); ~ *gigi (mulut)* penyakit kaku atau kejang mulut (penyakit tetanus);

**berkancing** 1. memakai kancing; 2. berkunci dgn kancing: *pintu yg tak* ~ *itu kutolak*;

**mengancing** menutup dgn kancing; ~ *baju kemejanya; semua pintu astana dikancingnya*;

**mengancingkan** menutupkan (baju, pintu, dll) dgn kancing;

**terkancing** terkunci, tertutup.

**kancing II**; ~ *baju* sj tumbuhan (herba), daun rotan, rumput juak, subang puteri batik, *Bidens pilosa*; ~ *baju jantan* sj tumbuhan (herba), katub perenggang, rumput sekepet burit, rumput teki, *Kyllinga bervifolia*.

**kancing I** tabung atau bekas drpd buluh (utk mengambil air), gerigik, perian.

**kancing II**; *belalang* ~; □ □ **kacung I**.

**kancut** kain penutup kemaluan perempuan, cawat.

**kanda** singkatan bagi kakanda: *ya*, ~*ku yg tercinta*; ~-*manda* sl kanak-kanak yg dipilih sbg teman atau saudara tua kpd anak raja yg baru lahir: *maka disambut oleh pengasuh ~-mandanya*.

**kandang 1.** tempat atau ruang yg berpagar dsb (utk binatang, terutamanya pd malam hari): ~ *kambing*; ~ *kuda*; ~ *lembu*; **2.** ruang yg dikelilingi pagar (garis dll), gelanggang, kalangan; ~ *bulan* gelanggang bulan; ~ *orang salah* ruang berpagar (dlm mahkamah) tempat orang yg dituduh sewaktu dijalankan perbicaraan; **3.** sl makam, kubur: *ia hendak mengunjungi ~ ayahnya Sayid al-Marhum jua*; ~ *mobil* Id setal kereta, garaj;

*ayam laga se*~ prb orang yg bersanak saudara berkelahi tidak perlu dicampuri; *masuk ~ kambing mengembek (membebek)*, *masuk ~ kerbau menguak* prb menyesuaikan diri dgn masyarakat di sekeliling; *memperlapang ~ musang*, *mempersempit ~ ayam* prb memberi kesempatan kpd orang yg membahayakan tetapi tidak melindungi orang yg kesusahan; *pulang ke ~* prb pulang ke tempat asal;

**mengandangkan** memasukkan ke dlm kandang: *tiada siapa ~ kerbau kambingnya.*

**kandar I = pengandar** kayu yg diletakkan di bahu utk menggalas atau memikul barang (yg tergantung di kedua-dua hujung kayu), galas;  
**mengandar** membawa barang dgn kandar, memikul, menggalas:  
*maka diambilnya kayu oleh Seri Rama dikandarnya dua ekor kijang.*

**kandar II** Jk; **mengandar, mengandarkan** menjalankan (motokar dll);  
**kandaran** kenaikan, kenderaan;  
**pengandar** orang yg menjalankan (motokar dll).

**kandas = terkandas;**

**mengandaskan** menjadikan kandas (tidak berjaya, gagal);

**terkandas 1.** terlanggar sesuatu (spt dasar laut atau sungai, beting, batu karang dll) dan seringkali tidak dapat bergerak lagi: *kalau ada beting di pintu pelabuhan, tentulah kapal-kapal besar akan ~*; **2.** ki tersekat di pertengahan jalan (tidak berkesudahan dgn kejayaan, kebahagiaan, dsb), terbantut, gagal (tidak dapat diteruskan): *banyak kanak-kanak yg ~ dlm pelajaran; rancangan dan usahanya ~ di tengah jalan;*

**kekandangan** perihal terkandas.

**kandau** sj binatang mamalia (rupa bentuknya spt kera) yg hidupnya di atas pokok dan boleh melayang, kubung, *Cynocephalus spp.*

**kandel** Jw **1.** tebal; **2.** ki banyak (wang).

**kandela** (kandéla) (Fiz) unit SI bagi keamatan cahaya.

**kandi I 1.** Jw = **kandi-kandi** sj pundi-pundi; **2.** Kl kampit atau beg drpd kain.

**kandi II;** ~ *putih* sj bunga.

**kandidat** bp **1.** calon, bakal; **2.** peserta dlm ujian dsb;

**mengandidatkan** mencalonkan.

**kandil** lampu, pelita, kaki lilin.

**kandis I** sj tumbuhan (pokok yg masam buahnya) dlm famili Guttiferae, asam gelugur, lulai, manggis hutan, bebata (Sabah), sikop (Sarawak), *Garcinia spp.*; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok), *Garcinia nervosa*.

**kandis II** ark manis.

**kandul** ark **1.** sj bakul (keranjang); **2.** kaki jala.

**kandung 1.** kantung, pundi-pundi: *ia mengeluarkan wang drpd ~nya*; **2.** rahim, pundi-pundi peranakan; *abang (adik, anak, ayah, ibu) ~ abang dll sendiri (bukan abang dll tiri atau abang angkat); saudara se~ adik (abang, kakak) seibu sebapa; ~ jantung* Id selaput jantung; ~ *kencing* Id pundi-pundi kencing; *bunga ~ bunga yg kecil-kecil yg terdapat pd bahagian tengah bunga (spt pd bunga matahari);*

**berkandung 1.** berisi, bermuat; **2.** hamil;

**mengandung 1.** membawa sesuatu dlm saku dll: ~ *wang*; **2.** hamil: *sudah berapa bulan Aini ~?* **3.** = **mengandung** berisi, memuat: *bunga yg ~ racun; tanah yg ~ bijih timah; kata yg ~ erti;*

**mengandungkan** mempunyai janin yg sedang membesar di dlm rahim, menghamilkan, membuntingkan: *suaminya berubah perangai apabila dia ~ anaknya yg ketiga;*

**terkandung** dikandung, terdapat atau termuat di dlm sesuatu, tercantum (tersirat): *bijih emas yg ~ dlm batu kapur; kesalahan-kesalahan yg ~ dlm undang-undang; rasa sedih yg ~ dlm suaranya;*

**kandungan 1.** sesuatu yg dikandung oleh sesuatu yg lain, apa yg termuat (di dlm sesuatu), isi: ~ *bungkusan; ~ buku (surat dsb);*

*menyelidiki* ~ kimia batu kapur; **2.** sesuatu yg tercantum atau tersirat (di dlm hati dsb), isi: ~ *hati*; ~ *jiwa*; **3.** anak yg masih dlm rahim ibu: ~*nya kian hari kian besar*; **4.** kandung, rahim: *anak yg masih dlm ~*; *angka ~ kecil* angka terkecil yg boleh mengandung dua angka tertentu atau lebih: *24 ialah angka ~ kecil bagi angka 8 dan 3.*

**kanduri** □ **kenduri.**

**kandut** Jw kandung.

**kang I** singkatan bagi kakang.

**kang II** kep kekang; *tali ~ tali kekang* (tali utk mengarahkan atau mengendalikan jalan kuda);

**berkang** dikekang.

**kang III** sj tempayan yg besar mulutnya.

**kangar**; *lang ~ sj burung helang yg besar.*

**kangen** Jw ark rindu, ingin sangat (supaya) bertemu: *kerana disuruhlah saya datang ke sini, di samping sudah ~.*

**kanggaru** sj binatang maun yg terdapat di Australia yg mempunyai dua kaki belakang yg panjang dan bergerak dgn melompat, *Macropus spp.*

**kangjeng** Jw paduka tuan (gelaran kpd orang yg berkedudukan tinggi).

**kangka** ladang gambir; *pangkalan ~ pangkalan* tempat menghimpun gambir utk diangkut (dimuatkan) ke dlm perahu.

**kangkang I 1.** = *celah* ~ celah di antara dua pangkal paha, kelangkang; **2.** ruang (yg luas) atau jarak di antara kaki kiri dan kanan yg terbuka luas (tidak dirapatkan): *lunjurkan kaki kanan ke bawah ~ lawan*; **3.** bahagian seluar di antara dua paha pd bawah punggung, pesak; ~ *kera = se~ kera* ki (tanah, kawasan, tapak, dsb) yg tidak luas;

**mengangkang 1.** berdiri (berjalan, duduk, berbaring) dgn kaki terbuka luas; **2.** dgn kaki terbuka luas (ketika berdiri, duduk, dll):

*duduk ~ di kerusi;*

**mengangkangi** berdiri dgn mengangkang di atas sesuatu;

**mengangkangkan** membuka (kedua-dua belah kaki, pintu, dll) luas-luas;

**terkangkang** terbuka luas (kedua-dua belah kaki, pintu, dll): *dia duduk ~ di atas tong susu; pintu itu dibiarkannya ~.*

**kangkang II** Jk; **mengangkangi** menguasai (mengambil) milik orang dgn tidak sah.

**kangkung I** sj tumbuhan (herba yg hidup di air dan dibuat sayur), *Ipomoea reptans*;

*~ bulu* sj tumbuhan (herba yg melilit), selepat tungau, *Ipomoea triloba*; *~ gajah* sj tumbuhan (pokok memanjat) akar cabang limah, akar papan, *Vitis lanceolata*; (*akar*) *~ laut* sj tumbuhan (pokok memanjat) keledak hutan, akar lanar, *Ipomoea digitata*; *~ puteri* sj tumbuhan (herba air) akar keman hantu, keman gajah, *Neptunia prostrata*;

*merayap-rayap spt ~ di ulak jamban* prb a) cepat bertambah besar (kanak-kanak dll); b) cepat berkembang biak.

**kangkung II** sj katak yg besar.

**kangmas** Jw, bp abang, kakanda.

**kangsa 1.** perunggu; **2.** Mn tin; □ □ **gangsa I.**

**kangsar I** sj tumbuhan (pokok), bebaru, cung kuman, kapas-kapas, tutuk, tutur, *Hibiscus floccosus*.

**kangsar II**; *belalang* ~ sj keridik.

**kangsin** C pengacau, penghasut.



**kani;** *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek), akar meranang, akar toko takal, ara lumut, *Croton caudatum*.

**kaniaya** Jw ark aniaya.

**kanibal 1.** manusia yg memakan daging manusia; **2.** binatang yg memakan jenisnya sendiri.

**kanibalisme 1.** amalan (tabiat, perbuatan) manusia memakan daging manusia: *mereka juga dikatakan suka berpindah-randah dan mengamalkan cara hidup ~*; **2.** kekejaman yg tidak berperikemanusiaan.

**kanigara** ark sj tumbuhan (herba dan bunganya), bunga matahari, *Helianthus annuus*.

**kanin** (Bio) berkaitan dgn anjing: *spesies* ~.

**kanisah** Ar ark tempat sembahyang orang Yahudi dan Kristian.

**kanister 1.** bekas drpd logam berbentuk silinder yg berisi bahan letupan atau gas pemedih mata yg meletup apabila dilemparkan atau ditembakkan dr senapang; **2.** bp bekas kecil (biasanya drpd logam) utk mengisi bahan-bahan kering spt teh dan kopi.

**kanjal** terbantut (kerana tersekat dll).

**kanjang; berkanjang** bertekun dan bersungguh-sungguh (mengerjakan sesuatu).

**kanjar; berkanjar-kanjar, terkanjar-kanjar** sl melawan, mengamuk: *terlalu gempar hulubalang pendekar terkanjar-kanjar*.

**kanjen** □ □ **kangjeng.**

**kanji I 1.** = *air* ~ air drpd nasi yg mendidih; **2.** bubur nasi; **3.** campuran air dan bahan pelekat (spt tepung sagu atau tepung ubi) utk mengeraskan pakaian, tajin; **4.** (Bio) sj bahan yg terbina drpd unit-unit glukosa, dan banyak tersimpan dlm tisu tumbuhan; ~*haiwan*

glikogen; ~ *kayu* sj kanji yg terdapat dlm kayu dan berfungsi sebagai bahan makanan simpanan utk pertumbuhan pokok;

**berkanji 1.** ada kanjinya, mempunyai kanji: *tepung gandum ialah makanan yg ~*; **2.** keras dgn kanji (bkn pakaian): *berseluar bersih yg ~*;

**menganji** mengeraskan pakaian dll dgn kanji.

**kanji II;** (*baju*) ~ *perak* baju dalam (lelaki), singlet.

**kanji III** sistem tulisan Jepun yg berdasarkan aksara Cina yg dipinjam atau yg diubahsuai.

**kanjus I** Id penjara, lokap.

**kanjus II** gajus.

**kanker (Bio) 1.** sj penyakit kulat yg merosakkan kayu pokok dan tumbuhan; **2.** sj penyakit kudis yg menyerang telinga binatang, terutamanya kucing dan anjing.

**kano** sj perahu yg ringan, panjang dan sempit, runcing di haluan dan buritannya, dan digerakkan dgn menggunakan dayung;

**berkano** menaiki (berlumba, mengayuh dsb) kano: *salah satu aktiviti perkhemahan yg menyeronokkan peserta ialah ~ di sungai itu.*

**kanon I** gubahan muzik utk dua atau lebih bahagian suara yg melodinya diulangi oleh suara yg masuk berturut-turut.

**kanon II** meriam.

**kanopi 1.** sj langit-langit yg menjadi spt bumbung pd sesuatu; **2.** bahagian dahan dan daun pokok-pokok yg paling tinggi yg seolah-olah berjalin dan berbentuk spt bumbung: ~ *hutan mengurangkan kesan titisan hujan ke atas tanah dan mengurangkan potensi hakisan*; **3.** khemah yg biasanya dibuat drpd kanvas, kain, plastik dsb.

**kanser I** penyakit barah.

**Kanser II** lambang keempat dlm zodiak, yg berlambangkan ketam.

**kanta** kepingan lut sinar spt kaca dan plastik yg salah satu atau kedua-dua permukaannya melengkung, yg digunakan utk menukar tumpuan alur cahaya, misalnya cermin mata utk memulihkan penglihatan; ~ *cekung* kanta yg tebal tepinya (tengahnya lebih nipis); ~ *cembung* kanta yg tebal di tengah-tengah; ~ *dekat* kanta (pd teropong) yg paling dekat dgn mata; ~ *jauh* kanta (pd teropong) yg paling jauh dr mata; ~ *kumpulan* = ~ *majmuk* gabungan beberapa kanta yg berlainan; ~ *lekap* kanta sentuh; ~ *mata* kanta pd alat optik spt mikroskop dan teleskop yg membolehkan seseorang melihat objek yg diteropong dgn jelas; ~ *pembesar* kanta yg membuat benda yg dilihat kelihatan besar; ~ *sentuh* = ~ *sesentuh* kanta yg kecil tipis yg dilekapkan pd permukaan mata utk menjadikan penglihatan lebih jelas; ~ *tangan* kanta pembesar yg bertangkai; ~ *zum* kanta kamera yg dapat dilaraskan supaya objek yg hendak diambil gambar fotonya kelihatan besar atau kecil; *tumpuan* ~ titik tempat sinar cahaya bertemu sesudah melalui kanta, titik fokus.

**kantan** sj tumbuhan (herba yg bunganya dibuat kerabu, gulai, dll), *Phaeomeria speciosa*; ~ *hutan* sj tumbuhan (herba), pokok gingin, tepus putih, *Languas javanica*.

**kantang** kering (kuala sungai dll apabila air surut).

**kantata** (Muz) sebuah gubahan muzik yg pendek yg dinyanyikan oleh penyanyi solo dan koir dgn iringan orkestra.

**kanti** ark Jw kawan, teman.

**kantih** (Sunda) sj benang tenun; □ □ **antih**.

**kantil I**; *kontal*-~; □ □ **kontal**.

**kantil II** Jw ark bunga cempaka putih.

**kantin** tempat makan dan minum di sekolah, pejabat, dll.

**kanto** (Sas) satu bahagian drpd puisi yg panjang.

**Kantonis** suku kaum Cina yg berasal dr bandar Kanton atau daerah Kwangtung di China.

**kantonmen** (kantonmén) binaan sementara atau khemah utk tempat tinggal askar.

**kantor** Id pejabat;

~ *bank* pejabat bank; ~ *besar* ibu pejabat; ~ *cetak* tempat cetak-mencetak, percetakan; ~ *kawat* pejabat telekom; ~ *pajak* pejabat yg menguruskan cukai; ~ *polisi* pejabat polis;

**berkantor** membuka atau mempunyai kantor (di), berpejabat (di):  
*Sudirun sendiri memegang pimpinan umum yg ~ sama-sama satu kamar dgn Daud.*

**kantu** kaku.

**kantuk** rasa hendak tidur: *ia mencuba menghilangkan ~ utk menghabiskan kerja;*

**mengantuk** berasa hendak tidur: *ia ~ benar kerana hari sudah larut malam; orang ~ disorongkan bantal prb mendapat sesuatu yg sangat-sangat dikehendaki (diingini);*

**terkantuk** mengantuk dgn tiba-tiba.

**kantung 1.** saku, kocek; **2.** pundi-pundi, kampil: *sebuah ~ kain tersangkut di bahunya; ~ kemaluan = ~ pelir pundi-pundi buah pelir; ~ nasi* Jk perut besar; *daerah ~ daerah yg menyisip di dlm daerah lain;*

**berkantung** mempunyai kantung (pundi-pundi);

**mengantungkan** memasukkan ke dlm kantung (saku): *dgn sehelai kertas kerja, satu jumlah yg besar bernilai beratus ribu sudah dapat dikantungkan.*

**kanun** undang-undang, hukum, peraturan;

~ *adat* hukum adat; ~ *jenayah* kanun keseksaan; ~ *keseksaan* undang-undang yg termaktub berhubung dgn perbuatan jenayah dan hukumannya;

**berkanun** ditubuhkan, dibenarkan dsb mengikut statut atau undang-undang tertentu: *organisasi itu merupakan sebuah badan ~;*

**mengkanunkan** menjadikan undang-undang, mewujudkan (mengiktiraf dsb) menerusi penggubalan undang-undang: *Bahasa Melayu telah dikanunkan sbg bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yg tunggal;*

**terkanun** termaktub dlm undang-undang, telah dijadikan undang-undang;

**pengkanunan** perihal (tindakan, proses, dsb) mengkanunkan.

**kanvas** 1. sj kain yg tebal dan kuat (digunakan utk khemah dll), kain terpal; 2. sj kain yg tebal digunakan utk melukis (terutamanya lukisan cat minyak).

**kanyiar** Kd (seseorang) mentah, tidak matang: *awak tu ~ lagi.*

**kanyon** ngarai.

**kanyor** Ph malu; *senyum* ~ senyum malu.

**kaok** Jk; **berkaok-kaok** berteriak-teriak, berseru-seru, memekik-mekik;

**mengaoki** memanggil dgn memekik, meneriak.

**kaolin** tanah liat halus yg berwarna putih (putih kekuningan atau kekelabuan) yg digunakan utk membuat tembikar, dlm perubatan, dll.

**kaolinit** (Kim) mineral yg merupakan juzuk utama kaolin.

**kaos** kaos.

**kap I** ark; *tali* ~ tali di kapal, tali bosa.

**kap II** IB **1.** tudung (lampu dll); **2.** bumbung (motokar dll), tenda.

**kap III** bp piala.

**kap IV** sj ikan darat, *Cyprinus carpio*;

~ *hitam*, *Mystacoleucus marginatus*; ~ *kepala besar*, *Aristichthys nobilis*; ~ *lumpur*, *Cirrhina molitorella*; ~ *perak*, *Hypophthalmichthys molitrix*; ~ *rumpit*, *Ctenopharyngodon idellus*.

**kap V** bp kaf.

**kapa I; terkapa-kapa** kebingungan: *apabila Lahuma meninggal, ~lah Jeha kehilangan tempat bergantung*.

**kapa II** huruf kesepuluh dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol K, κ.

**kapah; terkapah-kapah** **1.** termengah-mengah, terngap-ngap; **2.** menggeletar ketakutan.

**kapai; terkapai-kapai** **1.** bergerak-gerak seolah-olah hendak memegang (menggapai dll) sesuatu (bkn tangan atau kaki): *jurumudi itu terlentang ~ berlumuran darah*; **2.** ki putus asa dan kebingungan (meminta pertolongan dll); **gabai II.**

**kapak I** alat drpd bilah besi yg tajam dan bertangkai kayu (utk menebang pokok, membelah kayu, dll);

~ *ais* sj alat spt kapak yg digunakan oleh pendaki gunung utk menakik ais bagi membuat tempat berpijak dan tempat berpaut; ~ *bungkus* Kl = ~ *siam* kapak kecil (utk mengatuk orang);

~ *menelan beliung* prb yg baik dibuang dan ditukar dgn yg buruk; *bagai* ~ *naik peminangan* (peminangan) prb melakukan sesuatu dgn tidak cukup kebolehan atau alat; *di mana* ~ *jatuh*, *di situ baji makan*

prb di mana perkara terjadi, di situ pula diselesaikan; *habis* ~ *berganti beliung* prb sangat rajin bekerja; *spt* ~ *menyelam beliung* prb orang yg terlebih malas disuruh mengerahkan orang yg malas bekerja;

**berkapak 1.** bergaduh dgn menggunakan kapak utk mencederakan lawan: *mereka* ~ *berparang berebutkan tanah sekangkang kera itu*;

**2.** telah dikapak: *beberapa tual batang getah itu sudah* ~ *dan dijemur utk dibuat kayu api*;

**mengapak** memotong atau membelah dgn kapak;

**pengapak 1.** orang yg mengapak: *dia pernah menjadi penebang pokok dan* ~ *kayu api*; **2.** sesuatu yg digunakan utk mengapak: *asal besi* ~ *kayu, asal emas menjadi penduk*.

**kapak II** Mn kepak, sayap;

**berkapak**; *tidak* ~ ki tidak berdaya upaya (tidak mempunyai apa-apa alat).

**kapak III** sj ikan laut, gedabang, *Mene maculata*.

**kapa-kapa** atap perahu (drpd daun nipah dll), kajang perahu.

**kapal I** bahtera atau perahu besar yg ada geladak (biasanya digerakkan oleh jentera);

~ *angkasa* sj pesawat atau kenderaan (yg dilengkapi pelbagai alat) yg boleh bergerak di angkasa (biasanya utk tujuan penyelidikan atau penjelajahan); ~ *api* = ~ *asap* kapal yg dijalankan dgn tenaga wap (asap); ~ *belangkas* kapal yg dijalankan dgn roda di buritannya; ~ *calu* kapal yg belayar ulang-alik dgn tetap; ~ *capung* Id kapal terbang kecil (utk latihan dll); ~ *dagang (niaga)* kapal utk mengangkut barang-barang dagangan; ~ *haji* kapal utk membawa jemaah haji; ~ *induk* kapal perang yg membawa kapal terbang; ~

*korek* a) = ~ *keruk* kapal yg mengorek tanah (utk mendalamkan kuala sungai dll); b) jentera yg berupa kapal utk mengorek tanah yg mengandungi bijih; ~ *kontena* kapal yg berfungsi khusus utk mengangkut kargo yg dimuatkan di dlm kontena; ~ *layar* kapal yg bergerak dgn menggunakan layar; ~ *mel* Id kapal yg membawa surat pos dll; ~ *mualim* Id = ~ *pandu* kapal yg memandu kapal-kapal lain masuk (keluar) pelabuhan; ~ *pemair* = ~ *pemayar* Id sj kapal penjelajah atau peronda; ~ *pembinasa* kapal perang yg dipersenjatai dgn pelbagai senjata (spt meriam, torpedo, dsb) utk melindungi kapal-kapal lain drpd serangan; ~ *pemburu* kapal perang kecil yg laju; ~ *pemecah ais* sj kapal yg digunakan utk memecahkan ais di kawasan perairan yg sejuk utk memudahkan pelayaran; ~ *pendarat* kapal utk mendaratkan tentera; ~ *penempur* kapal perang yg besar; ~ *pengangkut* kapal utk mengangkut tentera dll; ~ *pengantar* = ~ *pengiring* = ~ *pengawal* kapal perang yg menghantar (mengiringi) kapal yg belayar berderet-deret; ~ *penjelajah* kapal yg agak besar dan laju; ~ *penumpang* kapal yg mengangkut penumpang; ~ *penyapu periuk api* kapal utk memusnahkan periuk api; ~ *penyusur* kapal yg belayar menyusur pantai; ~ *perang* kapal utk berperang; ~ *peronda* kapal yg meronda utk menjaga keamanan; ~ *roda lambung* kapal yg dijalankan dgn roda yg dipasang di bahagian lambung (belakang) kapal; ~ *selam* kapal yg dapat belayar di bawah permukaan air; ~ *stim (wap)* kapal yg digerakkan oleh stim; ~ *tangki* kapal besar utk mengangkut cecair terutamanya minyak; ~ *terbang* a) kenderaan berjentera yg boleh terbang; b) beton yg boleh dikemudikan (berbentuk spt cerut); ~ *torpedo* kapal yg kecil dan laju



yg dipersenjatai dgn torpedo; ~ *udara* sj kapal berbentuk belon lonjong yg dapat terbang di udara dgn menggunakan gas ringan;  
~ *besar ditunda jongkong* prb orang berkuasa menurut perintah orang kecil (bawahan); *adat teluk timbunan* ~ prb orang kaya tempat tumpuan orang miskin mengadu hal dll; *besar ~ besar gelombang* prb makin besar darjat (perniagaan) makin besar pula bencana (kerugian) yg menimpa; *satu ~ dua nakhoda* prb a) satu pekerjaan dua orang yg mengarahkannya; b) perempuan yg menduakan suami; *sepuluh ~ datang, anjing bercawat ekor juga* prb perihal rakyat yg tidak bertambah maju keadaannya meskipun banyak ilmu pengetahuan yg datang;

**berkapal 1.** mempunyai kapal; **2.** belayar dgn kapal, menaiki kapal: *ia pergi ke Singapura* ~;

**berkapal-kapal** banyak kapal, beberapa buah kapal: ~ *diangkut barang rampasan itu*;

**mengapalkan 1.** memuatkan ke dlm kapal; **2.** mengirimkan melalui kapal;

**perkapalan 1.** perihal kapal (urusan dll), yg berkaitan dgn kapal (dlm pelbagai aspek): *pegawai* ~; *pusat* ~; *kemudahan-kemudahan* ~; **2.** pelayaran dgn kapal: *beting ini menjadi halangan kpd* ~; *sungai-sungai di situ tidak boleh digunakan utk* ~; **3.** tempat membuat kapal;

**pengapalan** pemuatan orang, barang-barang ke dlm kapal: *para perantara kuli mengatur ~ sejumlah kuli ke Pulau Pinang dan Singapura*.

**kapal II** kulit yg menjadi keras (di kaki dll), belulang;

**kapalan** berbelulang.

**kapas I** kain pembungkus mayat (biasanya kain putih); *hantu ~ hantu* yg berbungkus;

**berkapas** berbungkus (dgn kain kapas): *mayat itu ~ kain putih*;

**mengapas** ark mendermakan kapas kpd orang yg kematian;

**mengapani** membungkus mayat: *bagi orang Islam, wajibnya mayat dikapani*;

**mengapaskan** 1. membungkus mayat utk orang lain; 2. menggunakan sesuatu utk membungkus mayat, mengapani dgn sesuatu.

**kapas II** Jw 1. bila, bila mana: *~ lagi kita pergi ke sana; aku berbicara ~ saja dan di mana saja*; 2. bukankah: *mengapa ditagih lagi, ~ sudah dibayar*;

**kapas-kapas** bila-bila masa saja, sewaktu-waktu, sebarang waktu: *~ boleh datang kerumah saya*.

**kapang I** sj siput yg melekat pd kayu dan makan kayu di air; **kampang**.

**kapang II** Mn; **berkapang** bercendawan, berlapuk.

**kapang III**; *~ akar* sj tumbuhan (pokok memanjat), kepayang akar, *Enkleia malaccensis*.

**kapangan** Jk; *bulan (matahari) ~ gerhana bulan (matahari)*.

**kapar I** kayu atau sampah sarap yg hanyut di air: *setelah perahu itu pecah, mereka bergantung pd ~~~nya*;

*salangkan bah ~ tak hanyut, inikan pula kemarau panjang prb sedangkan sewaktu ada pencarian tidak sampai sesuatu maksud (yg dihajati), apalagi sewaktu tidak berpencarian*;

**berkaparan** terletak (terbaring) di sana sini (tidak tentu arah dll), berserakan: *rakyat banyak mati ~*;

**mengaparkan** menyerak-nyerakkan, menabur-naburkan (dgn tidak keruan): *bantal, tilam, dulang, talam sekalian dikaparkannya di lantai;*

**terkapar** terbaring (tidak berketentuan), terlantar: *ia ~ di atas rumput;*

**kaparan** barang-barang (sampah dll) yg berkaparan di air.

**kapar II** ark; **kaparan** belakang (bahagian yg tidak tajam): *~ parang (pedang) belakang parang (pedang); spt kerbau menanduk anak dgn ~ tanduk bukan dgn hujung prb marah bapa akan anaknya tidak sampai membahayakan.*

**kapas I 1.** sj tumbuhan (pokok renek yg buahnya mengandung serat utk dibuat benang), *Gossypium spp.*; *pokok ~ bulan* sj tumbuhan (pokok), medang ketanahan, kerabu, *Xanthophyllum rufum*; **2.** sj kabu-kabu (kapuk) drpd buah kapas yg dibuat benang dll; *benang (kain) ~ benang (kain) yg dibuat drpd kapas; spt ~ yg dibusur prb putih bersih (amat putih); untung bagai untung ~ prb perihal orang yg banyak tanggungannya;*

**kapas II;** *~ sungai = kapas-kapas, kekapas* sj ikan laut, *Gerres abbreviatus*; *~ laut* sj ikan laut, mentimah, *Gerres punctatus*.

**kapas III;** *burung ~* sj burung, kuang-kuit, murai batu, selancang, *Lalage nigra*.

**kapasitans** (Fiz) nisbah cas pd salah satu konduktor sesuatu kapasitor terhadap beza keupayaan antara konduktor-konduktor itu.

**kapasiti 1.** kemampuan (kebolehan) membuat sesuatu, kekuatan (mesin dll); **2.** kemampuan memuat sesuatu, muatan, isi padu.

**kapasitor** (Fiz) peranti yg dapat menyimpan cas elektrik, mewujudkan kapasitans di dlm litar, menahan pengaliran arus terus dan membolehkan pengaliran arus ulang-alik.

**kapas-kapas** sj tumbuhan (pokok), baru-baru, bebaru, *Hibiscus floccosus*.

**kapcai** bp motosikal berkuasa rendah yg murah harganya: *kalau tak mampu, pakailah ~!*

**kapel** (kapél) IB sj gereja kecil (di asrama dll).

**kaper I** Jk sj kupu-kupu kecil yg terbang malam.

**kaper II**; *ikan* ~ sj ikan spt ikan tambera.

**kapi** takal atau kerek (bagi menaikkan layar dll); *pecah* ~ *putus suai* prb a) sesuatu yg tidak dapat dibaiki lagi; b) menderita yg amat sangat.

**kapik**; *kopak*-~; □ □ **kopak**.

**kapilari** (Bio) salur darah yg halus-halus (yg membentuk jaringan dlm tisu).

**kapiran** Jw tidak terpelihara, terlantar, terbiar, tidak beroleh apa-apa, sia-sia.

**kapis** sj binatang berkerang, *Pecten spp*.

**kapista** jahat.

**kapit** sl pengiring, pembantu: *siapa yg akan menjadi ~ patik jikalau tiada ia*;

**berkapit** ada kapitnya, berpengiring, berpembantu: *marilah sertai hamba duduk kerana hamba tiada ~*;

**mengapit 1.** menekan drpd kedua-dua belah sisi, menghimpit: *nasi itu dikapit dgn dua keping papan supaya padat*; **2.** mengiringi: ~ *pengantin*;

**mengapitkan** menjadikan tersepit (terhimpit);

**terkapit** terhimpit, tersepit: *benda itu ~ di celah kayu*;

**kapitan** 1. alat utk mengapit (memerah), apitan: *air tebu* yg mengalir dr ~; 2. kapit;

**pengapit** pengiring, ajutan; ~ *pengantin* pengiring pengantin.

**kapital** modal: ~ *asing diperlukan utk pembangunan negara*.

**kapitalis** 1. orang (golongan) yg mempunyai modal (utk pelaburan dlm perniagaan, perusahaan, dsb); *faham* ~ kapitalisme; *negara* ~ negara yg menganut (berasaskan) kapitalisme; 2. orang yg menyokong kapitalisme.

**kapitalisme** sistem ekonomi dan politik yg pemilikan harta benda, industri, dan perniagaannya lebih banyak tertumpu pd sektor swasta drpd kerajaan, dan syarikat-syarikat digalakkan bersaing antara satu dgn lain utk membuat keuntungan.

**kapitalistik** menyokong (mengamalkan) kapitalisme: *negara-negara* ~.

**kapitan** ark ketua kaum atau kumpulan orang Cina (yg tinggal di sesebuah bandar dll).

**kapitulasi** IB pengakuan kalah (dlm perang), penyerahan diri;

**berkapitulasi** menyerah kalah, menyerah diri.

**kaplok** Jk; ~ *dada* bertepuk dada.

**kapok** Jw jera (tidak mahu melakukan lagi), serik;

**mengapokkan** menghukum dsb supaya serik atau jera.

**kapol** Id, bp buah pelaga, kepulaga.

**kapri** sj kacang kara.

**Kaprikorn** lambang kesepuluh dlm zodiak, yg berlambangkan kambing berekor ikan.

**kapstok** IB, bp penyangkut baju (topi dll).

**kapsul** kelongsong kecil (biasanya diperbuat drpd gelatin) yg berisi dos  
ubat: *ia diberi oleh doktor beberapa butir ~ berwarna kuning;*  
*ditelannya tiga butir ~ minyak ikan.*

**kapsyen** keterangan gambar, lukisan, rajah, dll: *pd umumnya, ~ hendaklah*  
*dicetak di sebelah bawah gambar atau ilustrasi yg berkenaan.*

**Kapt.** kep kapten; ~ *Nordin.*

**kapten 1.** (pangkat) pegawai bertauliah dlm tentera darat dan tentera udara  
yg kedudukannya setingkat lebih tinggi drpd leftenan dan setingkat  
lebih rendah drpd mejar; **2.** (pangkat) pegawai bertauliah kanan dlm  
tentera laut yg kedudukannya setingkat lebih tinggi drpd komander  
dan setingkat lebih rendah drpd laksamana pertama (setaraf dgn  
kolonel dlm tentera darat dan tentera udara); **3.** juruterbang kanan yg  
bertanggungjawab mengendalikan operasi sesebuah pesawat terbang  
awam; **4** = ~ *kapal* orang yg mengendalikan operasi kapal dagang  
atau kapal penumpang, nakhoda kapal; **5** orang yg mengetuai  
sesuatu pasukan permainan (spt bola sepak, hoki dsb), ketua  
pasukan; **6.** orang yg diberi kuasa memimpin sesebuah pertubuhan,  
kumpulan dsb: *pengurus merupakan ~ dlm sesebuah firma.*

**kapucino** sj minuman kopi yg berasal dr Itali, dgn krimnya berbusa dan  
biasanya ditaburi serbuk coklat.

**kapuh K1; mengapuh** menyatukan, mencantum, menyambung.

**kapuk I 1.** sj tumbuhan (pokok), kabu-kabu, *Ceiba pentandra*; **2.** kabu-  
kabu (utk pengisi tilam, bantal, dsb).

**kapuk II; berkapuk** berpeluk, berdakap: *para pegawai bersenjata*  
*panjang pendek tersandang di bahu dan ~ di rusuk;*

**mengapuk** memeluk, mendakap: *kedua-dua tangan yg bersarung putih itu ~ senapang; bantal dikapuk ke dadanya, sambil tersenyum nakal.*

**kapuk III** Mn kepuk, jelapang.

**kapu-kapu** sj tumbuhan (terapung-apung dlm air), apon-apon kiambang, *Pistia stratiotes.*

**kapung; terkapung-kapung** terapung-apung; □ □ **apung.**

**kapur I 1.** benda putih yg diperoleh drpd kulit kerang dll yg dibakar (utk dimakan dgn sirih, mengecat rumah, dll); **2.** = ~ *tulis* = ~ *belanda* Id kapur utk menulis di papan hitam;

~ *barus* sj benda yg rangsang baunya (diperoleh drpd pokok *Dryobalanops aromatica* atau *Cinnamomum camphora*, atau dibuat dgn kaedah atau proses kimia); ~ *hidup* = ~ *kuripan* = ~ *mentah* = ~ *tohor* kapur yg belum dicampur dgn air, kalsium oksida; ~ *masak* kapur mati yg dicampur dgn pasir dan air; ~ *mati* = ~ *kaustik* kapur yg sudah bercampur dgn air, kalsium hidroksida; ~ *paris* sj serbuk putih yg mengeras apabila dicampur dgn air, biasanya digunakan utk membuat acuan, birai hias, membebat tulang yg patah dsb, plaster paris; ~ *sirih* kapur yg dimakan dgn sirih; ~ *tohor* nama lain utk kalsium oksida;

*bagai kunyit* dgn ~ prb perbuatan yg lekas menjadi (serasi sekali); *spt ~ di hujung telunjuk* prb perihal seseorang yg tidak dapat melakukan sesuatu pekerjaan atau tidak dapat menolong saudara mara dlm kesusahan;

**sekapur;** *sirih* ~ sirih lengkap dgn kapur dan kawannya (pinang, gambir, dll); ~ *sirih sekejap* (sebentar);

**berkapur** mengandung kapur; *tanah* ~ tanah yg mengandung kapur;

**mengapur 1.** menyapu dgn kapur, memberi berkapur: ~ *sirih*; **2.** =

**mengapuri** menjadikan putih dgn kapur, menyapu kapur (pd dinding dll): *masjid-masjid dan surau-surau dicat dan dikapur*;

**mengapurkan** menyediakan sirih lengkap dgn kapur dll (utk dimakan): *Tuan Putera Dayang Seri Jawa pun ~ sirih*;

**pengapuran** perbuatan mengapur atau mengapuri (dinding dll);

**pekapuran 1.** = **pekapur** bekas (tempat) kapur; **2.** tempat membakar kapur.

**kapur II 1.** = *pokok* ~ *barus* sj tumbuhan (pokok), *Dryobalanops aromatica*; **2.** sj tumbuhan (pokok) keladan, penak pasir, *Dryobalanops oblongifolia*; ~ *angin* sj tumbuhan (lumut), rumput angin, tahi angin, *Usnea spp.*

**kar I** Id sj kereta; □ □ **kahar I.**

**kar II** Id, bp peta.

**kara I**; *kacang* ~ = **kara-kara** sj tumbuhan (herba dan buahnya), kacang kedelai, *Dolichos lablab*.

**kara II**; *sebatang* ~ seorang diri (tidak ada saudara-mara).

**kara III**; *udang* ~ sj udang laut yg besar dan berkulit keras, udang mengkara.

**karabin** IB sj senapang yg pendek larasnya, karbin.

**karaf** IB bekas air minum.

**karah** bintik (selaput, kotoran) pd gigi (kulit dll); *buluh* ~ sj buluh betung;

**berkarah** berbintik, berselaput, berdaki.

**karak I** Kl suluh (drpd daun kelapa dll), andang.

**karak II** Tr tempat benang loseng diikatkan.



**karakter 1.** sifat (ciri) perwatakan yg membezakan seseorang drpd yg lain;  
2. huruf, nombor, simbol, atau tanda baca, mis *a* ialah satu karakter, aksara.

**karal K1; mengaral** menarik: *layang-layang itu dikaral turun.*

**karam 1.** tenggelam (perahu dll): *sebelum ~, barang-barang dlm kapal itu dapat diselamatkan; 2. digenangi (air): kampung itu ~ oleh air bah; ~ berdua basah seorang* prb dua orang yg melakukan kesalahan tetapi seorang yg kena hukuman; *~ di darat* prb mendapat bencana di tempat sendiri (di tempat yg tidak sepatutnya); *~ di darat ada juga tinggal tungku lekar, ~ di laut habis sekali* prb mendapat kesusahan di tempat sendiri, dapat juga meminta bantuan tetapi kalau di tempat orang, putus bicara; *~ di laut boleh ditimba, ~ di hati bilakan sudah* prb kesedihan kerana kematian kekasih adalah lebih drpd kehilangan harta; *~ Kampar oleh Kuantan* prb orang yg dikasihi merosakkan harta yg diberikan, tetapi ia tetap disayangi; *~ sambal oleh belacan* prb mendapat kerugian oleh orang yg dipercayai (dikasihi); *~ tidak berair* prb mendapat kecelakaan dgn tidak tentu sebab-sebabnya; *orang ~ di laut, aku ~ di darat* prb mendapat bencana di tempat yg tidak patut mendapatnya; *telah ~ maka bertimba* prb setelah mendapat bencana baru ingat (menyesal);

**mengaram** turun hendak tenggelam; *disangka tiada akan ~, ombak yg kecil diabaikan* prb kerana tidak menghiraukan bahaya yg kecil, maka ditimpa celaka yg besar;

**mengaramkan 1.** menenggelamkan (perahu dll); **2.** ki membencanakan, mencelakakan;

**kekaraman 1.** mengalami bencana yg mengakibatkan perahu dsb karam: *mereka telah ~ di laut; 2.* perihal karam.

**karamel** (karamél) gula hangus yg digunakan sbg pewarna dan perasa makanan.

**karan** = ~ *elektrik* arus elektrik;

**berkaran** **1.** mengeritingkan rambut dgn elektrik: ~ *rambut*; **2.** keriting atau ikal (rambut) kerana dikeritingkan dgn elektrik: *rambutnya panjang dan tidak ~*;

**mengaran** mengeritingkan rambut seseorang dgn elektrik.

**karang I** **1.** sj batu kapur yg terjadi drpd bahan-bahan yg dihasilkan oleh binatang-binatang kecil di laut; **2.** timbunan batu kapur: *batu ~*; *bunga ~* sj karang lembut yg dapat digunakan utk menggosok badan dll, span; *penyakit ~ (karang-karang, karangan)* penyakit pd saluran kencing disebabkan oleh bahan-bahan yg membatu; *tinjau ~* anjung di perahu utk meninjau kalau-kalau ada karang; *tulang ~* Id tulang yg rupanya spt karang;

**berkarang** **1.** mengandungi karang, ada karangnya; **2.** sudah lama benar (bkn penyakit); **3.** ark mencari karang: *ia bertemu dgn Merah Silu ~ di pantai*;

**terkarang** ark terlanggar pd karang;

**karangan** = **perkarangan** batu karang: *laut ini terlalu cemar, banyak ~nya*;

**karang-karangan** berbagai-bagai karang.

**karang II** sunting, gubahan (bunga dll);

**berkarang** digubah (disusun, dicucuk, dsb) hingga kelihatan indah atau menarik (bunga, permata, manik, dll): *bunga ~*; *intan ~*;

**mengarang** **1.** menyusun dsb (bunga, permata, manik, dll) hingga kelihatan menarik, menggubah: *puteri itu memetik bunga dan ~ kuntum*; *sebentuk cincin intan dikarang*; ~ *telur bertelur*,

mengandung telur; **2.** mereka atau menulis (cerita, cerpen, novel, dll), mencipta (sajak dll), menggubah (lagu): *tuan itulah yg ~ kitab loghat bahasa Melayu; ~ novel dan cerpen*; **3.** mengadakan, mereka-reka: *kalau sudah kehabisan bahan, mereka gemar pula ~ berita yg bukan-bukan*;

**karang-mengarang** perihal mengarang (cerita dll), perbuatan (pekerjaan) mengarang;

**mengarangkan** mengarang utk seseorang;

**terkarang** (sudah) dikarang: *sebuah senarai Melayu-Cina yg dikatakan ~ sebelum kurun ke-15*;

**karangan 1.** gubahan bunga, cucukan (manik dsb), susunan: *di atas meja, terletak sebuah ~ bunga yg indah*; **2.** ciptaan (cerita, lagu, dll), karya: *novel itu ialah ~ Samad Said*; **3.** rekaan, khayalan; **4.** sl ahli, pandai, tukang: *maka oleh ~ itu, ditarahnyalah kepala budak itu*; **5.** yg dikarang oleh, gubahan, ciptaan: *antologi cerpen ~ beberapa orang penulis muda*;

**kepengarangan** perihal yg berkaitan dgn pengarang: *usia ~ seseorang pengarang, haruslah berpanjangan*;

**pengarang 1.** tali (benang dll) utk mengarang manik (bunga dll): *bagai manik putus ~*; **2.** orang yg mengarang cerita (lagu, sajak, dll), penggubah (lagu dll), pencipta; **3.** orang yg menyunting karangan utk diterbitkan (disiarkan);

*~ berita orang yg menyunting berita dlm akhbar; ~ bersama orang yg bersama-sama mengarang (sesebuah buku dll); ~ gigi gusi; ~ jantung kekasih, buah hati.*

**karang III** pd waktu yg akan datang, tidak lama lagi, nanti, kelak: *~ barulah tahu; malam ~ malam nanti.*

**karang IV; pekarangan 1.** halaman rumah: *duduk di muka ~ rumahnya;*  
**2.** tanah kampung: *kalau ada ~nya kita dirikan rumah-rumah petak kecil.*

**karang V = karangan** sl tempat tinggal (kediaman): *mereka pergi ke karangan Singa Padu tempat kediaman Panji Semirang.*

**karang VI** ark kerang.

**karang VII** Jk; *ilmu ~ ilmu kebal.*

**karang VIII;** *sebatang ~ ark sebatang kara.*

**karang-karang** sj tumbuhan (herba), bunga kekarang, lidah jin, *Hedyotis philippensis;* ~ *sepat* sj tumbuhan (pokok) katung-katung, keranji kepoyang, *Cynometra polyandra;* *bunga ~ sj tumbuhan (herba), Dentella repensa.*

**karantina** IB□□□**kuarantin.**

**karaoke** (karaoké) satu bentuk hiburan yg membolehkan individu (kumpulan) menyanyikan lagu terpilih (di khalayak tertentu) dgn iringan muzik yg sedia terakam dlm alat audio visual;

**berkaraoke** bernyanyi dgn cara karaoke: *pd malam itu kami ~ dgn beberapa orang teman.*

**karap** sj ikat pd alat tenun, suri.

**karapas** (Bio) kulit keras atau bahagian bertulang yg menutupi badan haiwan (spt bahagian belakang penyu atau kura-kura).

**karar** Ar **1.** tenang, tenteram: *negeri Melaka pun ~lah pd zaman Laksamana menjadi hulubalang itu;* **2.** tetap (berada di): *maka ~lah Sang Sepurba menjadi raja.*

**karas I = kuih** ~ sj kuih yg diperbuat drpd tepung beras, karas-karas, kekaras.

**karas II** = **kekaras** sj tumbuhan (pokok), kayu gaharu, tengkaras, *Aquilaria malaccensis*.

**karas-karas** sj kuih yg dibuat drpd tepung beras, karas, kekaras.

**karat I** selaput perang kemerah-merahan yg terbentuk pd besi oleh tindakan udara dan air: ~ *besi*; *dimakan* ~ berselaput dgn karat (rosak oleh karat); ~ *hati* ki perasaan jahat;

**berkarat 1.** kena karat, ada karatnya: *besi* ~ besi yg sudah dimakan karat; **2.** ki a) lama (tua); b) jahat; *hati* ~ jahat hatinya (perasaannya);

**mengaratkan** menyebabkan (menjadi) berkarat;

**karatan** Jk **1.** apa-apa yg telah berkarat (lama, tua); **2.** ki a) buruk, lama, tua; b) jahat;

**pengaratan** proses yg menyebabkan (menjadi) berkarat.

**karat II 1.** ukuran ketulenan emas (emas tulen ialah 24 karat); *emas 20* ~ emas murni 20 bahagian dan logam-logam lain 4 bahagian; **2.** unit berat bagi berlian, intan, mutiara; **3.** ki mutu, nilai, kaliber (bkn orang).

**karat III** Kl; **mengarat** mengangkat.

**karat IV**; ~ *besi* sj tumbuhan (pokok renek), tampang (tampung) besi, *Calicarpa longifolia*.

**karate** (karaté) seni mempertahankan diri orang Jepun yg menggunakan tangan, kaki, siku, dan lutut sbg senjata.

**karakter** (karaktér) **1.** sifat (ciri) perwatakan yg membezakan seseorang dgn yg lain; **2.** huruf, nombor, simbol, atau tanda baca, mis *a* ialah satu karakter.

**karau**; **berkarau** berkacau, bercampur baur, sedang mengaduk;

**mengarau** mengacau supaya bercampur baur;

**pengarau** peranti elektronik yg dapat mengganggu atau mengubah mesej telefon, bunyi radio dsb.

**karavan** kenderaan yg dilengkapi tempat tidur, dapur dsb utk dijadikan sbg tempat tinggal semasa percutian dsb, biasanya ditarik oleh kenderaan bermotor lain.

**karbaid** bp karbida; *lampu* ~ lampu yg dinyalakan dgn karbida.

**karbida** (Kim) sebatian tak organik drpd karbon dgn unsur yg lebih elektropositif: *kalsium* ~.

**karbin** sj raifal automatik yg ringan.

**karbohidrat** **1.** sebatian organik (berupa unsur oksigen, hidrogen, dan karbon) yg terdapat semula jadi pd tumbuhan; **2.** zat makanan (berupa gula dan kanji) yg memberi sumber tenaga kpd benda hidup (yg boleh menggemukkan badan jika diambil berlebihan);

**berkarbohidrat** mengandungi karbohidrat.

**karboksil** (Kim) mengandungi atau terdiri drpd  $-COOH$ : *kumpulan* ~.

**karbol** Id karbolik;

**dikarbol** **1.** disiram dgn karbol; **2.** bp dimaki hamun (dicaci) cukup-cukup.

**karbolik** (Kim); *asid* ~ asid yg digunakan utk membunuh kuman dll.

**karbon** (Kim) sj unsur bukan logam yg wujud semula jadi dlm bentuk intan, grafit, arang, arang batu, jelaga, dll;

~ *dioksida* sj gas yg tidak berwarna, tidak berbau, dan digunakan dlm alat pemadam api, minuman bergas, aerosol, dll (terdapat sebanyak 0.03% dlm atmosfera); ~ *monoksida* sj gas yg tidak berwarna dan sangat beracun; ~ *teraktif* bentuk karbon yg berupaya menyerap gas, wap, atau pepejal koloid dgn banyaknya kerana struktur dalamannya mempunyai banyak liang; ~ *tetraklorida* cecair

yg tidak berwarna, beracun, dan digunakan sbg pelarut dll; *kertas* ~ kertas berlapis bahan karbon utk membuat salinan surat (biasanya salinan surat bertaip);

**mengkarbonkan** **1.** menukarkan sesuatu menjadi karbon dgn cara pembakaran, proses kimia dsb; **2.** menyalut sesuatu dgn karbon;

**pengkarbonan** proses mengkarbonkan.

**karbonat** (Kim) sj garam drpd asid karbonik.

**karboniferus** (Kim) mengeluarkan (menghasilkan) batu arang atau karbon: *batuan* ~.

**karbonik** (Kim) mengandungi karbon; *asid* ~ asid lemak yg terbentuk apabila karbon dioksida dilarutkan dlm air.

**karbonil**; *kumpulan* ~ (Kim) kumpulan C=O yg terdapat dlm sebatian spt keton, gula dan asid organik.

**karbunkel** (Ubat) pekung.

**karburetor** (karburétor) alat tempat udara bercampur dgn wap minyak petrol utk menjadi bahan peletup pd enjin kereta dll.

**karcis** Id tiket (wayang, bas, dll);

~ *masuk* Id tiket utk masuk menonton wayang dll; ~ *nama* Id kad nama; ~ *tampel* Id, bp surat kecil tanda membayar sewa pasar (upah penjaga sepeda dll).

**kardamunggu** sj tumbuhan (herba, sj halia), *Elettaria cardamomum*.

**kardigan** baju panas yg dibuat drpd benang bulu yg dikait, biasanya tanpa kolar dan berbutang di depan.

**kardinal I** pendeta Roman Katolik yg terkanan di bawah Paus.

**kardinal II**, *nombor* ~ (Mat) nombor yg menyatakan kuantiti mis 1, 2, 3....(lwn nombor ordinal).

**kardiologi** cabang ilmu perubatan yg berkaitan dgn fungsi dan penyakit jantung.

**kardiomiopati** (Ubat) penyakit otot jantung yg kronik.

**karditis** (Ubat) radang pd jantung.

**kardus** kertas tebal (utk membuat kad, kotak, dll), kadbod.

**karek** (karék) Kl; **mengarek** mengambil berat, memikirkan sungguh-sungguh.

**karel** bilik kecil khas di perpustakaan tempat seseorang membaca, belajar, mengarang dsb.

**karena** □ Id □ kerana.

**karenah** (karénah) Ar alamat, bukti, tanda.

**karengga** Mn; *kuda* ~ sj kuda yg berbulu kelabu kemerah-merahan (kekuning-kuningan).

**kareseh** (karéséh); ~-*peseh* Mn bercakap bahasa Belanda; □ **keleseh**.

**karet** (karét) Id **1.** getah: *ban mobil yg dibuat drpd* ~; *pohon* ~ pokok getah; ~ *alam* getah asli: **2.** bp tidak pasti, dapat dipanjangkan atau dipendekkan; *jam* ~ jam yg tidak betul (jalannya selalu terlambat).

**kargo** barang-barang yg dibawa (diangkut) oleh kapal laut (kapal terbang atau kenderaan lain).

**kari I** gulai daging, ikan, dll yg dimasak dgn rempah.

**kari II** Jw ark baki, sisa, tinggalan.

**kariah** Ar kawasan yg didiami oleh penduduk yg berkongsi masjid atau surau.

**karib** **1.** dekat (hubungan kekeluargaan); ~ (*dan*) *baid* dekat dan jauh (sanak saudara); ~ *kerabat* saudara-mara yg dekat; **2.** rapat, erat (persahabatan dll): *kawan* ~ kawan yg rapat;



**berkarib** bersanak saudara, bersahabat baik, erat (rapat)  
perhubungannya: *ia ~ benar dgn Mak Guna yg bijak itu;*

**mengaribi** bersahabat baik dgn, mendekati;

**mengaribkan** merapatkan atau mengeratkan (persahabatan, persaudaraan, dll);

**kekariban** **1.** perihal persaudaraan atau hubungan kekeluargaan; **2.** perihal erat atau rapat (perhubungan, persahabatan), keeratan (perhubungan, persahabatan).

**karibu** sj rusa besar yg terdapat di kawasan Artik Amerika Utara, *Rangifer tarandus*.

**karier** kerja atau profesion yg menjadi kegiatan berpanjangan seseorang dlm hidupnya, kerjaya: *bidang penterjemahan itu sendiri dapat dijadikan ~.*

**karies** (karis) kerosakan atau keadaan busuk pd gigi dan tulang.

**karih; mengarih** mengacau, mengarau, mengaduk: *~ nasi.*

**karikatur** gambar, ajukan suara, perangai, dll seseorang yg menekankan ciri-ciri tertentu utk berjenaka.

**karil** sj arnab.

**karim I** Ar murah hati.

**karim II** sj ikan darat, *Trichopsis vittatus*.

**karing** sj ikan darat, kawan, *Labeobarbus tambra*; **garing**.

**kariogram** (Bio) gambar rajah atau gambar foto kromosom sel yg tersusun secara berpasangan dlm urutan tertentu.

**karipap** sj kuih yg kulitnya dibuat drpd tepung gandum dan intinya drpd ubi kentang dan daging yg bercampur rempah.

**karisma** kualiti (daya kepimpinan, daya penarik) atau sifat-sifat tertentu seseorang individu yg menjadikannya berupaya mempengaruhi atau

menjadi perangsang kpd khalayak ramai: *heroisme ialah pemujaan terhadap seseorang tokoh, yg dianggap mempunyai kelebihan, keunggulan, ~, dan kewibawaan;*

**berkarisma** mempunyai karisma: *John diagung-agungkan oleh rakyatnya dan mereka mengira Amerika mempunyai presiden yg paling ~ dlm sejarah.*

**karismatik** berkarisma, menunjukkan karisma.

**karkas;** ~ ayam cakar ayam (tulisan yg buruk).

**karkausar** □ □ □ **kalikausar.**

**karkun** ark sl kerani, jurutulis.

**karma** **1.** semua perbuatan manusia sewaktu hidupnya di dunia; **2.** kerama, kutuk, sumpah: *tak seorang pun yg terlepas drpd ~nya.*

**karmin** (Bio) pigmen berwarna merah yg diperoleh drpd sj serangga.

**karna** bp kerana.

**karnival** **1.** pesta besar-besaran biasanya disertai oleh perarakan, acara meriah, dsb; **2.** pesta ria bergerak.

**karnivor** (Bio) haiwan (spt harimau) yg memakan daging sbg sumber makanan utamanya, maging.

**karok** Tr sarang labah-labah, sawang.

**karol** nyanyian gembira atau puji-pujian, terutamanya semasa perayaan hari Krismas, lagu hari Natal.

**karom** sj permainan yg menggunakan papan segi empat yg mempunyai lubang di setiap penjuru, dan setiap pemain (biasanya terdiri drpd dua hingga empat orang) secara bergilir-gilir menjentik gundu utk menolak kepingan bulat leper masuk ke dlm lubang.

**karombol** Id sj permainan bola sodok.

**karotena** (karoténa) (Kim) sj pigmen hidrokarbon yg berwarna kuning, jingga, atau merah, dan terdapat semula jadi dlm tumbuhan, spt lobak merah, kelapa sawit, keledak, labu, dll.

**karotid** (Bio) salah satu drpd dua arteri utama yg membekalkan darah ke kepala dan leher.

**karpel** (karpél) (Bio) organ pembiakan betina tumbuhan berbunga yg terdiri drpd ovari, stil, dan stigma.

**karpét** (karpét) ambal, permaidani;  
**berkarpét** berambal, berpermaidani.

**karpus I** sj topi (kopiah).

**karpus II** (Ubat) pergelangan tangan.

**karsinogen** (Ubat) sebarang agen yg mengakibatkan pertumbuhan kanser dlm tisu hidup (mis asbestos, benzena, dll).

**karsinogenesis** (karsinogénésis) (Ubat) pembentukan sel kanser drpd sel normal.

**karsinogenik** (karsinogénik) (Ubat) cenderung menyebabkan berlakunya kanser (bkn sesuatu bahan dsb).

**kartel** (kartél) persatuan antarabangsa pengeluar atau pengusaha sesuatu barangan utk menguasai pasaran (mengawal harga dsb).

**kartika**; *bintang* ~ bintang tujuh.

**kartografi 1.** teknik atau seni melukis atau membuat peta; **2.** gambar peta (carta dll): *sebanyak 202 helai bahan ~ disimpan di pejabat ini.*

**kartogram** peta yg mempunyai maklumat statistik yg berbentuk gambar rajah.

**karton I** sj kotak drpd kertas tebal (utk mengisi barang-barang spt rokok dll).

**karton II** IB kertas tebal, kadbod, kardus.

**kartotek** (kartoték), **kartotik** IB **1.** pencatatan dan penyusunan dgn menggunakan kad, pengartuan; **2.** kabinet tempat menyimpan kad, perkartuan.

**kartrij** **1.** kelongsong (spt bentuk silinder) biasanya drpd logam yg berisi ubat bedil atau penabur, sarung peluru; **2.** sarung berserta filem fotograf yg boleh dimasukkan terus ke dlm kamera; **3.** alat yg berisi pita bermagnet (saiznya lebih besar drpd kaset) utk rakaman suara atau video; **4.** bekas perisian dakwat yg boleh ditukar ganti utk pen mata bulat.

**kartu** Id **1.** kad; **2.** daun terup; *main* ~ main terup (berjudi dgn daun terup); ~ (*tanda*) *anggota* kad ahli; ~ *besar* daun terup utk permainan *bridge* dll; ~ *kecil* (*ceki*) daun terup utk permainan *ceki*; ~ *pindahan* kad yg dikirim utk menyatakan pertukaran alamat; ~ *pos* kad yg digunakan sbg surat; ~ *pos gambar* kartu pos yg bergambar; ~ *undangan* kad jemputan; *dgn* ~ *terbuka* dgn terang-terang (tidak berselindung-selindung lagi); *membuka* ~ menerangkan maksud dgn terang-terang;

**mengartukan** mencatat di atas kad;

**perkartuan** **1.** pencatatan di atas kad dan penyusunan kad mengikut abjad; **2.** tempat kartu (kad);

**pengartuan** perihal atau perbuatan mengartukan.

**kartun** **1.** = *gambar* ~ lukisan yg mengisahkan sesuatu (spt hal sehari-hari, hal politik, dll) dgn cara berjenaka; **2.** filem yg dibuat drpd rentetan lukisan (yg menjadi watak cerita).

**kartunis** orang yg kerjanya melukis kartun secara profesional.

**karu** Mn ark; **berkaru** kacau atau kusut (fikiran, hati), bercelaru;

**mengaru** menyela (menyampuk) orang bercakap.

**karuai** Br sj burung, kuang, *Argusianus argus*.

**karuk** Ph andang, suluh (drpd daun kelapa kering).

**karu-karu** sj tumbuhan (pokok), bangkal (paya), membatu hitam, *Ctenolophon parvifolius*.

**karun** orang yg kaya raya pd zaman Nabi Musa dan kerana keangkuhannya, terbenam ke dlm tanah bersama harta bendanya; *menjadi* ~ menjadi kaya-raya; *harta* ~ a) harta yg terpendam (tidak diketahui tuannya); b) Mn harta yg diperoleh dgn jalan haram; *dapat* ~ *timbul* = *dapat harta* ~ prb mendapat keuntungan besar dgn tidak bekerja susah-susah.

**karung** sumpit besar drpd kain yg kasar dan agak tebal;

**berkarung-karung** beberapa karung (sbg ukuran banyaknya sesuatu): *beras diangkut orang* ~.

**karunia** □ □ □ **kurnia**.

**karut I 1.** = **berkarut** kacau, kalut, kusut (fikiran, hati, dll): *fikirannya sangat* ~; **2.** tidak benar, bohong, dusta (perkataan, berita, dll): *menceritakan cerita-cerita* ~; ~-*marut* a) sangat kacau (fikiran, hati), sangat kusut, tidak tentu hala; b) terlalu bohong atau dusta (bkn kata-kata dsb);

**mengarut 1.** menyebabkan karut, mengacaukan (merusuhkan dll); **2.** bercakap karut (tidak berketentuan, bohong, dll): *setiap orang yg hendak menjadi rakyat negeri ini hendaklah tahu akan kandungan perlembagaan supaya tidaklah dia ~ tentang hak-hak perlembagaan*;

**kekarutan** perihal karut, kekacauan (kekalutan dll): *bagaimana mereka hidup dlm dunia yg penuh kekeliruan dan* ~.

**karut II** parut.

**karut III**; *ubi* ~ ubi garut, ararut.

**karya** 1. kerja; 2. buatan atau ciptaan (seni dll): ~ *Abdul Rahim Kajai*; ~ *seorang pelukis*; ~ *eceran karya* yg diterbitkan secara satu-satu atau sedikit-sedikit spt dlm bentuk rencana (bukannya dlm bentuk buku);

**berkarya** menghasilkan karya (tulisan, ciptaan, gubahan, dsb): *tanpa pasaran yg memuaskan, pengarang tentulah tidak akan ~*;

**perkaryaan** kegiatan berkarya: *penulis menyempitkan ~ mereka, tetapi ini penting bagi mewujudkan kesedaran*;

**pengkaryaan** penghasilan karya, penciptaan (sesuatu karya): *ASAS 50 agak kurang cergas kegiatannya terutamanya dlm soal ~*; *kreativiti para penulis itu utk menyempitkan ruang ~ amat penting bagi mewujudkan kesedaran*;

**pengkarya** orang yg berkarya atau menghasilkan karya: *oleh sebab ~ dilahirkan dan didewasakan di celah pokok getah, sewajarnya pengkaryaan tidak meninggalkan tradisi kita*.

**karyaneka** (karyanéka) agensi atau pusat pemasaran barang-barang buatan tangan.

**karyawan** penghasil karya, pencipta; ~ *tamu* tokoh karyawan (biasanya sudah bersara) dlm sesuatu bidang yg diberi penghargaan (dgn segala kemudahan) oleh badan tertentu utk melakukan penyelidikan dan menghasilkan karya (spt buku, kamus, dll).

**kas I IB** 1. tempat menyimpan wang: ~ *negara* perbendaharaan negara; 2. wang yg ada tersedia (pd pertubuhan, pejabat, dll); 3. tempat utk membayar (menerima) wang: *aku pergi ke bahagian ~ lalu membayar seribu*.

**kas II** IB **1.** peti kayu (utk mengisi barang-barang yg hendak dikirim); **2.** bingkai dan tutup arlogi (jam saku atau jam tangan), tempat pesawat arlogi dll.

**kasa I;** *kain* ~ kain yg halus dan jarang tenunannya: *kelambu biasanya dibuat drpd kain* ~; ~ *dawai* = *kawat* ~ Id jaringan dawai yg halus-halus lubangnya (biasanya dipakai atau dikenakan pd pintu almari makanan).

**kasa II** ark sl angkasa.

**kasa III** Id tempat membayar (menerima) wang; □ □ □ **kas I.**

**kasab** benang emas (perak): *sulaman suji atau ~ ini begitu populer.*

**kasad** Ar maksud, niat, tujuan: ~ *saya datang ini sekadar hendak berjumpa sahaja;*

**mengasahkan** sl memaksudkan, meniatkan: *akan adat anak panah tuan hamba ini apabila tanggal drpd ibunya sudah kenalah yg dikasahkan.*

**kasah I** □ □ □ **kasa I.**

**kasah II** sl sj tikar rotan, lampit.

**kasah III** sj tumbuhan (pokok), dlm famili Sterculiaceae, *Pterygota horsfieldii.*

**kasai I 1.** sj bau-bauan yg dipakai utk mencuci rambut; **2.** sj bedak basah yg wangi (utk menggosok dan mengharumkan kulit badan);

**berkasai** bergosok dgn menggunakan kasai.

**kasai II 1.** sj tumbuhan (pokok), *Amoora spp.*; **2.** sj tumbuhan (pokok), asam kuang, *Pometia pinnata*; **3.** = ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok) tatai, *Pometia alnifolia*;

~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), medang berbulu, kasip bukit, redan, *Aglaia cordata*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok), cikeh, kulim burung,

pasak lingga, *Aphanamixis polystachya*; ~ *talang (sumatera)* kasai bukit; ~ *tembaga* sj tumbuhan (pokok), bunga kambil, kasip hutan, kulim burung, malau, *Dysoxylon excelsum*.

**kasai III** sj ikan laut;

~ *janggut* sj ikan laut, *Setipinna taty*; ~ *minyak* sj ikan laut, *Thryssa mystax*.

**kasak**; ~-*kisik (kusut)* bisik-bisik, desas-desus.

**kasam** Mn dendam, musuh; *melepaskan* ~ melepaskan dendam; **kesam**.

**kasang** Mn kering; □□□**kesang III**.

**kasanova** lelaki yg suka memikat dan memperdaya perempuan.

**kasap I** kesat, tidak licin (spt daun empelas dll);

**kekasapan** perihal (keadaan, rasa dsb) kasap.

**kasap II** pengurus makanan dll di kapal.

**kasap III**; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), cempening, labu-labu, *Clerodendron villosum*.

**kasar 1.** tidak kecil atau tidak halus, agak besar: *benang* ~; *bulu* ~; *pasir* ~; *garam* ~; **2.** tidak licin, kasap, kesat: *kertas pasir ini kurang* ~; *muka Satejo sangat* ~ *nampaknya*; **3.** tidak kemas (halus) buatannya dsb: *perabot yg tahan lama tetapi* ~ *buatannya*; *jahitannya* ~; **4.** tidak tertib (sopan-santun, beradab), tidak lemah lembut: *segala percakapan dan kelakuannya terlalu* ~; *menjawab dgn suara yg* ~ *menjawab dgn suara yg menengking*; *bermain* ~ *berlaku kasar* (tidak menurut ketertiban dan peraturan); **5.** tidak terperinci, belum mengambil kira atau memperhitungkan butir-butir tertentu, secara umum atau pd garis besarnya sahaja: *perbelanjaan itu dikira secara* ~ *saja*; *jualan* ~; *untung* ~; **6.** yg berwujud, jasmani: *badan (tubuh)* ~ *badan (tubuh) yg jasmani (bukan batin)*; **7.** keras dan rendah (suara



dll), besar: *suara* ~; **8.** berat (bkn kerja dll): *buruh* ~ buruh yg membuat kerja berat; *kerja* ~ kerja berat (kerja yg dilakukan dgn kekuatan tubuh badan seseorang); ~ *tangan* a) kasar barang kerjanya; b) suka memukul;

**berkasar** berbuat (bercakap dll) dgn kasar: *tidak pernah Tasimah ~ dgn suaminya;*

**mengasari** berbuat sesuatu dgn kasar pd, mengerasi: *dia cuba membantah, akibatnya dia telah dikasari oleh penjual itu;*

**mengasarkan** menjadikan kasar;

**memperkasar** menjadikan lebih kasar;

**kekasaran** perihal kasar: *rasai olehmu Kahar, balasan ~ tingkahmu.*

**kasasi** Id (Udg) pembatalan sesuatu hukuman oleh mahkamah yg lebih tinggi.

**kasatmata** Jw ark nyata, jelas, maujud.

**kasau** kayu yg melintang pd atap (bumbung) rumah dll (utk memasang atap);

~ *betina* kasau yg kecil; ~ *jantan* kasau dasar yg lebih besar (tempat kasau betina dipasang).

**kasbuk** Id, bp buku tunai.

**kasdu** Jw ark sudi, suka (mahu) akan.

**kasein** (kaséin) (Kim) protein yg dimendakkan drpd susu dan merupakan asas keju dan plastik tertentu.

**kaseinogen** (kaséinogen) (Bio) protein utama dlm susu yg bertukar menjadi kasein dgn tindakan resin.

**kasemek** □ □ □ **kesmak.**

**kasep** (kasép) terlambat; □ □ □ **kasip.**

**kaserin** Id ark sj tumbuhan (pokok).

**kaserol** (kasérol) sj bekas (bertutup yg dibuat drpd kaca, tanah liat, dsb) yg tahan haba (digunakan utk memasak dan menghidangkan makanan yg dimasak).

**kaset** (kasét) sj alat yg mengandungi pita utk merakamkan bunyi (suara dsb) atau memperdengarkan sesuatu rakaman (dgn alat tertentu).

**kasi I** bp 1. beri, bagi; 2. membuat supaya; □ □ □ **kasih III**.

**kasi II** sl kembiri, kasim: *ayam ~*;

**mengasi** mengembiri, mengasim: *kucingnya dikasi*;

**pengasian** perbuatan (kerja) mengasi.

**kasi III** sj tumbuhan (pokok), cenarahan, lidah mara, pendarah, tampoi, *Ouratea hookeri*; *bunga ~ hutan* sj tumbuhan (pokok renek), *Maesa indica*.

**kasi-kasi** sj ikan laut, *Thrissocles baelama*.

**kasid** Ar ark utusan, suruhan.

**kasih I** 1. perasaan sayang (terhadap seseorang atau sesuatu, cinta: *~ku padamu masih spt dahulu*; *~ seseorang pd agama, negara, dan bangsa*; *terima ~* pernyataan penghargaan atas pemberian (pertolongan dsb) yg telah diperoleh, syukur; 2. berasa sayang (akan), berasa cinta (akan): *ia bertambah ~ pula pd anak itu*; *~ mesra* sangat kasih (cinta);

*~ ibu sepanjang jalan*, *~ anak sepanjang penggalan* prb kasih ibu tidak putus-putus tetapi kasih anak dapat hilang; *~ sepantun tulisan pinggan* prb kasih yg tidak kunjung hilang (bagi orang yg terlalu mesra pergaulannya); *~ saudara sama ada*, *~ bapa menokok harta yg ada*, *~ ibu sama rata*, *~ sahabat sama binasa* prb kasih yg sama berada itulah kasih yg sempurna (sebab biar bagaimanapun kasih seorang itu akan kawannya namun kerana harta akan bercerai juga

akhirnya); ~ *itu semangat (roh) yg buta* prb kasih itu tidak memilih yg baik atau yg cantik sahaja; ~ *tidak bersekutu dgn bijak* prb apabila hati telah kasih, maka hilanglah cacat celanya; *kerja sebarang tempat, ~ sebarang tempat* prb orang yg tidak berperaturan dlm pekerjaannya;

**kasihkan** kasih akan; ~ *anak tangan-tangankan, ~ isteri tinggal-tinggalkan* prb anak yg dimanjakan akan rosak dan isteri yg diuliti selalu akan mendatangkan kedukacitaan;

**berkasih** berasa kasih: *adat ~ menanggung rindu;*

**berkasih-kasih** **1.** saling berasa kasih, cinta-mencintai: *setelah sudah kahwin, maka kedua-duanya pun terlalu amat ~;* **2.** sl berbaik-baik, bersahabat, tidak bermusuhan: *jika Seri Rama hendak ~ dgn kami, kembalikanlah Sita Dewi kpd Maharashi Kala;*

**mengasihi** menaruh kasih akan (pd), menyayangi, mencintai: *ia sangat dikasihi oleh ibunya; haruslah raja-raja melengkapi negerinya dan ~ segala rakyatnya;*

**kekasih** rasa cinta (sayang);

**pengasih** perihal mengasihi;

**berpengasih** mempunyai sifat mengasihi: *tangan ibunya yg ~ itu selalu mengusap-usap rambutnya;*

**kekasih** orang yg dikasihi (dicintai), buah hati: *ia selalu menulis surat kpd ~nya;*

**pengasih 1.** = *ilmu ~* = **pekasih** jampi (azimat, doa, guna-guna, dll) utk mendatangkan atau membangkitkan rasa kasih: *dicarikannya pekasih atau pembenci kian ke mari, dituntutnya ilmu sihir kpd dukun-dukun yg pandai; kata orang, saya ini memakai ilmu ~;* **2.**

selalu menaruh (menunjukkan) belas kasihan, bersifat belas kasihan, penyayang: *ibu yg ~ dan penyayang*;

**perkasihan** perihal berkasih: *hal ini menguatkan tali ~ antara kita*.

**kasih II; kasihan 1.** berasa sedih (hiba, belas) apabila melihat atau mendengar penderitaan dsb seseorang: *bukan engkau ~ melihat hal aku ini, kaucerca pula*; **2.** menimbulkan rasa hiba (pd diri orang lain yg melihatnya dsb): *~ anak itu tidak mempunyai ibu bapa lagi*; **3.** sr kata utk menyatakan atau membangkitkan perasaan hiba: *“Tengoklah dia itu, ~!”*; *“Tolonglah pak cik, ~lah!”*; *belas ~* perasaan sungguh bertimbang rasa dan hiba terhadap seseorang dll yg malang; *~ gajah berusung* prb kasihan yg tidak kena pd tempatnya;

**kasihankan** kasihan akan: *aku benar-benar ~ dia*;

**mengasihani** menaruh belas kasihan pd (seseorang dll): *apa gunanya ~ orang yg tidak ~ dirinya sendiri*.

**kasih III = mengasih** bp **1.** memberi: *jangan ~ dia minum; ~ tahu* memberitahu; **2.** membiarkan, mengizinkan, tidak menegahkan; *~ lihat* memperlihatkan; *~ turun* menurunkan; **3.** membuat supaya, menjadikan: *~ mati sama dia*;

**pengasih** pemberian, hadiah; **kasi I.**

**kasih sayang 1.** cinta kasih; **2.** (perasaan) belas kasihan;

**berkasih sayang** menaruh kasih sayang (pd): *kamu tidak dinamakan beriman sehingga kamu ~*.

**kasik** Kl **1.** kurang: *dia tidak ~ apa-apa pun*; **2.** mahu, ingin: *kalau awak tidak mahu beri, saya pun tidak ~*.

**kasim** kasi, kembiri;

**mengasim** mengasi, mengembiri.

**kasima** Jk; **terkasima** termangu-mangu, tertegun (kerana bingung, terperanjat, dsb).

**kasino** bangunan atau dewan tempat berjudi.

**kasintu** (Sunda) ark ayam hutan.

**kasip I** Jw terlambat, terlewat: *jangan tunggu sampai ~*.

**kasip II**; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), kasai bukit, medang bebulu, redan, *Aglaia cordata*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), bunga kambil, kasai tembaga, *Dysoxylon excelsum*.

**kasir I** IB pemegang wang tunai.

**kasir II** sj tumbuhan (pokok), babi kurus, beras-beras, kedondong matahari, kempas roman, kijai, pauh kijang, *Trigonochlamys griffithii*.

**kasisang** Br sj serangga yg merosakkan tanaman spt padi.

**kasmaran** = *edan* ~ sl mabuk (gila) berahi, jatuh cinta: *ia mahasiswa yg sedang ~*; **kesmaran**.

**kasmutik** Id sj minyak rambut.

**kasolit** (Kim) mineral yg mengandung plumbum dan uranium.

**kaspe** (kaspé) IB ubi kayu, singkong.

**kasrah** Ar tanda bacaan huruf Arab yg menandakan bunyi /i/, baris di bawah.

**kasta 1.** golongan yg berdasarkan tingkatan kedudukan dlm masyarakat Hindu (yg terdiri drpd empat kasta iaitu Brahmana, Satria, Waisya, dan Sudra); **2.** lapisan masyarakat, tingkatan golongan (dlm masyarakat): *Hari Raya melambangkan persamaan makhluk Tuhan walau apa darjat dan ~ mereka*;

**berkasta** mempunyai kasta, terbahagi kpd atau tergolong dlm kasta: *mereka masih prejudis terhadap perkahwinan perempuan ~ tinggi dgn lelaki yg ~ rendah;*

**berkasta-kasta** terbahagi atau berpecah kpd beberapa kasta: *di rumah-rumah estetik pun sering terdapat masyarakat yg ~ dan diasingkan;*

**mengkastakan** membahagikan kelompok manusia mengikut kasta: *apakah kau cuba utk ~ pengikut kita?*

**kekastaan** perihal kasta: *semangat ~ itu mempunyai pengaruh yg besar.*

**kastam 1.** cukai yg dipungut oleh kerajaan atas barang-barang yg diimport atau dieksport; **2.** jabatan kerajaan yg memungut cukai (atas barang-barang yg diimport atau dieksport): *bapanya bekerja sbg pegawai rendah pejabat ~; pegawai ~.*

**kastard** sj makanan drpd campuran telur, susu, gula, dsb.

**kasteria** □ **kesateria.**

**kasti** IB sj permainan dgn bola kecil yg keras dan pemukul.

**kastil** IB bangunan kepunyaan bangsawan (pd zaman dahulu) yg dibentengi (dikubui) utk mempertahankannya drpd serangan.

**kastria** □ **kesateria.**

**kastroli** IB sj ubat pencuci perut (dibuat drpd minyak jarak).

**kasturi I;** *kuih* ~ kuih rengas.

**kasturi II** □ □ **kesturi.**

**kasual** (tentang pakaian) tidak formal: *Linda telah menunjukkan beberapa ciptaan pakaian ~.*

**kasuari** = *burung* ~ sj burung yg tidak dapat terbang (spt burung unta), *Casuarius spp.*

**kasur** Id tilam;

*jatuh di* ~ prb mendapat kesenangan hidup; *tidur di* ~ prb berbinikan orang kaya.

**kasus** Id keadaan (perkara, persoalan, dsb) yg sebenarnya atau yg tertentu (khusus), keadaan (kejadian dsb) yg khusus yg ada kaitannya dgn seseorang atau sesuatu, kes.

**kasut** I alas kaki (spt sepatu, selipar, dll);

~ *bola* kasut utk bermain bola sepak; ~ *but* kasut yg menutup kaki sampai ke atas buku lali; ~ *getah* kasut drpd getah; ~ *kayu* terompah; ~ *luncur* kasut yg mempunyai bilah logam yg nipis pd tapaknya yg dipakai utk meluncur di permukaan ais; ~ *roda* kasut yg mempunyai roda kecil yg biasanya dipakai utk berjalan meluncur; ~ *rumpit* Id selipar (drpd anyaman rumput); ~ *tumit tinggi* kasut yg tinggi dan halus tumitnya (dipakai oleh wanita);

**berkasut** 1. mempunyai kasut: *sepanjang hidupnya, ia tidak pernah* ~; 2. memakai kasut: *dia tidak ~ ke kedai.*

**kasut** II; *binatang* ~ sj binatang (bersel satu dan berbentuk spt kasut), *Paramecium spp.*

**kasut** III; *bunga* ~ sj tumbuhan (herba), *Paphiopedilum exul.*

**kaswi** sj kuih drpd tepung beras atau tepung gandum dan gula yg dikukus (biasanya disalut dgn kelapa parut).

**kasyaf** Ar (bkn ahli sufi) penyingkapan rahsia alam ghaib melalui pandangan mata hati;

**mengkasyaf** membuka hati: *zikir 'lailahailallah' itu ~ kalbunya.*

**kat** bp dekat.

**kata** 1. sesuatu yg diucapkan (dituturkan), cakap, ujar: *orang yg angkuh itu juga biasa mengeluarkan ~ yg kesat kpd mereka;* 2. (Lin)

gabungan atau kesatuan bunyi yg mengandungi atau menyampaikan pengertian (makna) tertentu; *ilmu bentuk* ~ pengetahuan bkn bentuk kata (bkn awalan, akhiran, dll); *suku* ~ (Lin) satuan (unit) bunyi yg terdiri drpd satu vokal sahaja atau drpd vokal yg didahului atau diikuti oleh konsonan (atau didahului serta diikuti oleh konsonan) dan merupakan bahagian drpd sesuatu kata: *ada empat suku* ~ *pd perkataan 'hulubalang'*;

~ *adat* peribahasa yg berkaitan dgn adat; ~ *akar* (Lin) bentuk dasar dlm sesuatu kata yg boleh merupakan morfem bebas spt *anak* dlm *beranak*, atau morfem terikat spt *jerumus* dlm *terjerumus*; ~ *aluan* ucapan (kata-kata) sbg menyambut kedatangan seseorang ke sesuatu majlis dsb (penerbitan sesebuah buku dsb); ~ *ambilan* kata yg diambil drpd bahasa asing, kata pinjaman; ~ *bantu* (Lin) jenis perkataan kecil yg biasanya bersambung pd kata lain (spt kah, lah, pun, dll), partikel; ~ *bantu bilangan* (Lin) kata yg membantu kata bilangan, penjodoh bilangan spt bilah, buah, ekor, helai, keping, orang, pucuk, dll; ~ *basi* ungkapan dll yg (sudah) selalu benar digunakan; ~ *benda* ark = ~ *nama*; ~ *bilangan* kata yg menyatakan banyaknya benda; ~ *bulat* persetujuan penuh, persetujuan sebulat suara; ~ *dasar* = ~ *pokok* kata yg menjadi pokok drpd kata terbitan (kata tanpa imbuhan spt *pandang*, *gelisah*, *kuat*, dll); ~ *depan* Id = ~ *penghubung*; ~ *dua* pernyataan terakhir oleh sesuatu pihak yg mengemukakan tuntutan (syarat dsb) yg mesti diterima oleh pihak lain yg terlibat dlm pertikaian (perundingan dsb) dengannya (dgn ugutan atau implikasi bahawa kalau tidak diterima oleh pihak yg lain itu akan menimbulkan peperangan, akibat buruk, dll); ~ *entri* = ~ *masuk*; ~ *ganti* (Lin) kata yg menjadi ganti kpd kata nama (dan



menunjukkan atau merujuk kpd orang, haiwan atau sesuatu, misalnya *dia, ia, mereka*); ~ *hati* a) gerak hati, perasaan yg timbul dlm hati; b) angan-angan (dlm hati); ~ *hikmat* = ~ *pujangga* perkataan orang bijak pandai yg mengandungi pengertian yg tinggi; ~ *hubung* (Lin) kata yg gunanya (fungsinya) menghubungkan dua kalimat (perkataan, rangkaian kata, dsb), mis *kerana* dan *supaya*, sendi kata; ~ *jadian* = ~ *terbitan*; ~ *keadaan* ark = ~ *sifat*; ~ *kerja* (Lin) kata yg menyatakan sesuatu perbuatan; ~ *kerja pasif* (Lin) bentuk kata kerja (spt *dipukul, ditangguhkan, kehujanan, dll*) yg menyatakan bahawa pokok kalimatnya menderita sesuatu perbuatan (menjadi objek atau penyambut kpd kata kerja); ~ *keterangan* (Lin) kata yg menerangkan sesuatu kata; ~ *laluan* a) (Komp) gabungan huruf atau nombor yg membentuk kod unik yg perlu dimaklumkan kpd sistem sebelum pengguna boleh mengakses sumber sistem; b) kata, ungkapan dsb rahsia yg dijadikan sbg pengenalan diri utk memasuki sesuatu tempat, menganggotai sesuatu pertubuhan dsb; ~ *lawan* = ~ *berlawanan* kata yg berlawanan ertinya (spt *besar* dgn *kecil, kuat* dgn *lemah, dll*); ~ *majmuk* (Lin) kata yg merupakan gabungan atau rangkaian dua perkataan atau lebih yg dianggap sbg satu unit dan mempunyai satu pengertian (mis *bumiputera, papan hitam, dll*); ~ *masukan* kata atau ungkapan utama yg terkandung dlm sesebuah kamus, biasanya menurut urutan abjad yg ditakrifkan atau diberi keterangan tentang maknanya dll; ~ *membazir* (*mubazir*) kata yg tidak perlu turut digunakan kerana makna yg dimaksudkan telah jelas dlm perkataan lain; ~ *nama* (Lin) kata yg merujuk kpd orang, tempat atau benda, antaranya termasuk kata nama am dan kata nama khas; ~ *nama am* (Lin) kata yg merujuk kpd benda, orang atau

konsep yg umum, mis *jalan*, *guru* dan *kegemilangan*; ~ *nama khas* (Lin) kata yg merujuk kpd orang, tempat benda yg khusus, mis *Kuala Lumpur* dan *Muhammad*; ~ *nista* kata-kata yg mencerca atau mencaci (sumpah seranah); ~ *orang cakap orang*, khabarnya; ~ *pemutus* (*putus*, *pasti*) kata yg menentukan (memutuskan atau memastikan) sesuatu perkara (spt pertunangan dll); ~ *pendahuluan* = ~ *penghantar* (*pengantar*) kata alu-aluan utk sesebuah buku dll, mukadimah; ~ *penghubung* = ~ *perangkai* kata hubung; ~ *pinjaman* kata yg telah digunakan (terserap) di dlm sesuatu bahasa tetapi berasal drpd bahasa lain; ~ *pokok* = ~ *dasar*; ~ *pujangga* = ~ *hikmat*; ~ *sambutan* ucapan (kata-kata) utk mengalu-alukan kedatangan seseorang; ~ *sandang* kata yg bertugas utk menentukan supaya sesuatu kata menjadi kata nama spt 'sang', 'si'; ~ *sasulan* kesilapan menggunakan sesuatu kata bagi kata yg lain yg hampir sama bunyinya; ~ *seasal* kata-kata dlm berbagai-bagai bahasa yg sama asalnya; ~ *sebunyi* (Lin) kata-kata yg sama bunyinya (sebutannya) tetapi berlainan ertinya, homofon; ~ *seerti* kata-kata yg sama ertinya dlm sesuatu bahasa (spt *kutip* dgn *pungut*, dll), sinonim; ~ *sendi nama* (Lin) kata, spt *di*, *ke* dan *dari* yg digunakan di depan kata nama atau frasa nama; ~ *sepakat* (*sefaham*) persetujuan, muafakat; ~ *seru* a) kata utk menyeru (memanggil dll); b) kata yg dikeluarkan dgn tiba-tiba (kerana kesakitan, terperanjat, dll); ~ *sifat* (Lin) kata yg menunjukkan (menyatakan) sifat atau keadaan seseorang atau sesuatu, adjektif; ~ *tambahan* Id kata yg menunjukkan keadaan kata-kata selain kata nama dan kata ganti; ~ *terbitan* kata yg terbentuk drpd kata dasar dgn penggunaan imbuhan; ~ *tugas* (Lin) kata yg tidak mempunyai makna leksikal, tetapi mempunyai makna

tatabahasa dan menunjukkan hubungan tatabahasa, mis *dan, kepada* dan *ialah*; ~ *ulang (berulang)* kata yg diulangi sebutan (penulisan) seluruhnya atau sebahagiannya (spt langit-langit, berkali-kali);

~ *berjawab, gayung bersambut* prb baik dibalas dgn baik dan jahat dibalas dgn jahat; ~ *dahulu bertepati, ~ kemudian bercarian* = ~ *biarlah kota* prb janji hendaklah ditepati; ~ *seorang dibulati, ~ bersama diperiakan* prb hal seseorang boleh diputuskan dgn orang itu sendiri tetapi perkara bersama hendaklah dirundingkan; ~ *periuk, belanga hitam* prb orang yg memburukkan orang lain sedangkan dirinya sendiri buruk juga; ~ *tidak dipegangnya, janji tidak ditepati* prb orang yg suka mungkir janji; ~ *yg benar ditidakkan, rahmat Tuhan dilarikan* prb tidak mahu mengakui kebenaran; *elok ~ dlm muafakat, buruk ~ di luar muafakat* prb kalau hendak berbuat sesuatu, eloklah dirundingkan dgn kaum keluarga supaya pekerjaan itu selamat; *mengalih kain ke balik rumah, mengalih ~ ke hadapan* prb memungkiri janji dgn tiba-tiba;

**sekata** **1.** sama bunyinya; **2.** = *seia* ~ sepakat, setuju, sependirian, sependapat: *dlm sebarang hal, mereka kerap ~ dan saling menyetujui; manusia ini memang tidak ~ dlm serba-serbi*; **3.** sama (sahaja), segaya, serupa: *wasiat Bendahara kpd segala anak cucunya tiada ~, pd seorang seorang lain-lain, masing-masing pd patutnya*; **4.** sama (pd ukurannya, gerakannya, bentuknya, dll), tidak berbeza-beza (berubah-ubah dsb) antara satu dgn yg lain (atau antara satu bahagiannya, ketikanya, dsb dgn yg lain): *putaran roda itu sentiasa ~; gelendong itu dipusingkan dgn kadar laju ~; mencari luas rajah-rajah yg ~, spt rajah selari tepat, bulatan, dll*;

**katakan 1.** memisalkan, mengandaikan: *~lah kamu tidak ada gigi, tentulah kamu tidak dapat makan dgn banyak; ~lah orang di sini bodoh, atau ~lah apa yg kau suka; 2.* bp gamaknya, kiranya, boleh dianggapkan (dimisalkan): *bukan dia tak tahu, dia sengaja, muka tarpallah ~;*

**berkata** mengeluarkan apa yg terfikir dgn kata-kata, mengeluarkan kata-kata, bertutur: *maka Hanuman pun ~, "Ya Tuanku maharesi ..."; ada Doris ~ benar spt apa yg telah dikatakannya kepadaku; ~ dua* mengeluarkan perkataan yg berlainan drpd maksud yg sebenarnya;

*~ siang melihat-lihat, ~ malam mendengar-dengar* prb, Mn kalau hendak membicarakan sesuatu, baiklah berhati-hati; *sudah ~ satu* prb tidak berubah drpd yg telah diucapkan;

**berkata-kata** bercakap-cakap, berbicara: *janganlah tuan banyak ~ dan bicara lagi; hanya diamlah ia tiada ~ lagi sambil menyudahkan kerjanya; ~ dgn lutut* prb bercakap-cakap dgn orang bodoh;

**mengata 1.** mengucapkan kata-kata; *jangan kata lagi* a) tidak usah disebut lagi; b) sudah diketahui umum; **2.** bercakap buruk tentang seseorang: *ceritanya tak lain drpd ~ kawan-kawannya sahaja; barang yg dikata, itulah kota* prb janji hendaklah ditepati;

**mengatai, mengata-ngatai 1.** mengeluarkan perkataan yg kurang sedap terhadap, bercakap buruk tentang (orang dll), mencaci, mencerca: *orang muda itu ~ dia; dia sendiri dikata-katai dan suaminya disindir-sindir; 2.* menegur (dlm erti mengherdik dll), memarahi; *~ adik* memarahi adik;

**mengatakan 1.** mengeluarkan kata-kata (bahawa), mengucapkan, menyebutkan, menuturkan: *maka sekali-kali bapaku itu tiada mahu*

~ *aku ini tahu atau pandai atau memuji aku*; **2.** menceritakan, mengisahkan, memberitahukan, menyampaikan: *maka semuanya orang itu ~ mimpinya kpd raja; ada suatu perkara penting yg hendak dikatakannya kpd kita*; **3.** bp menganggap (sbg), membuat kesimpulan (bahawa): *kalau kita boleh berbuat demikian, barulah kita dikatakan mempunyai fikiran yg kritis; binatang ini boleh dikatakan besar juga*; **4.** mencakapkan (utk atau sbg melahirkan pandangan dll tentang sesuatu): *apa hendak dikatakan, bukan kita boleh menahannya*; **5.** memisalkan, mengandaikan;

**memperkatakan 1.** melahirkan (dgn kata-kata), mempercakapkan, menceritakan: *terasa senang hatinya sebab ia dapat ~ apa yg tersimpan di dlm hatinya; dan sepanjang hari itu orang ~ hal itu*; **2.** membincangkan, membicarakan: *mereka berkumpul ~ dagangan mereka pd hari itu; ~ masalah penulisan yg serius; ~ kesusasteraan rakyat*;

**terkata 1.** = **terkata-kata** dapat berkata-kata atau mengatakan sesuatu; *tidak (tiada) ~ tidak dapat berkata-kata (utk menyatakan pendapat, perasaan, dll mengenai sesuatu), tidak berdaya mengatakan sesuatu: tiadalah ia terkata-kata lagi akan kelakuan Pak Pandir itu lalu ia berkemas barang-barangnya; maka adapun segala orang tiada percaya boleh dipecahkan kota Melaka itu pun terkatuplah mulutnya, tiadalah terkata-kata lagi*; **2.** = **terkatakan** dapat diceritakan (dinyatakan, diperikan), terperikan: *maka orang mati pun tiada terkatakan lagi banyaknya; tiada ~ lagi bencinya baginda*;

**terkata-katai** Mn mengigau;

**perkataan 1.** bunyi atau gabungan bunyi dlm sesuatu bahasa yg disebutkan atau dituliskan dsb dgn menggunakan huruf-huruf utk menyampaikan sesuatu maksud, kata: ~ *bahasa Melayu dapat dieja dgn berpandukan bunyinya*; ~ *'syair' berasal drpd bahasa Arab*; **2.** kumpulan kata (yg diucapkan dsb), kata(-kata): *pengemis itu menolak segala ~ dan dugaan orang yg bermuka cengkung itu*; *dgn ~ lain dgn kata(-kata) lain*; **3.** sl cerita, kisah, hal: *jikalau dihikayatkan semuanya, jumlah orang mendengar dia, sebab itulah maka kami pendekkan ~nya.*

**katabolisme** (Bio) pemecahan bahan kompleks menjadi bahan ringkas dlm organisma hidup utk menghasilkan tenaga.

**katabolit** (Bio) bahan yg dikeluarkan hasil drpd proses katabolisme.

**katah** ark; **terkatah-katah** terguling-guling, terpelanting.

**katai** katik.

**katak I** sj binatang yg melompat, berkaki renang, berkulit licin, dan tidak berekor; jenis-jenisnya: ~ *air*, ~ *betung*, ~ *hijau*, ~ *kuak*, *Kaloula pulchra*; ~ *lembu (bertanduk)* sj katak, *Megalophrys nasata*; ~ *pisang* sj katak, *Rana erythraea*; ~ *puru* sj katak, kodok, *Bufo bufo*; ~ *di bawah tempurung* prb orang yg teramat picik pengetahuannya; ~ *ditimpa kemarau* prb berkeluh-kesah dgn tidak keruan; ~ *hendak jadi lembu* prb ingin melakukan sesuatu yg melebihi kesanggupan sendiri, hendak menyamai orang besar (orang kaya dsb); *alim bagai ~ tepi air* prb orang yg kaya ilmu tetapi tidak mendapat faedah drpd ilmunya; *bagaimana hari tak hujan*, ~ *betung dlm telaga berteriak selalu* prb orang yg selalu pergi ke rumah seseorang dgn tidak berketika dan dgn maksud yg tersembunyi; *laksana ~*, *sedikit hujan banyak bermain* prb orang yg suka membesar-besarkan perkara yg

kecil; *tak akan ada ~ beranak ular* prb a) dikatakan mengenai yg mustahil terjadi kpd seseorang; b) orang yg pengecut (bodoh) tidak akan menjadi orang berani (pandai); *terkilap-kilap bagai ~ disemburi* prb tentang orang yg diam sahaja dlm suatu perbincangan; *tiada akan licin ~ puru, jika sentiasa berhujan sekalipun* prb orang yg hodoh jika memakai perhiasan sekalipun tidak akan menjadi elok.

**katak II** Mn ark tidak panjang, pendek: *baju ~; meriam ~*.

**katak III** Mn ark lipat-lipatan kulit pd leher dll, gelambir;

**berkatak-katak** berlipat-lipat (bkn kulit dll), bergelambir.

**katak IV**; ~ *udang* sj tumbuhan (pokok), ketak udang, otak udang, pauh pipit, *Buchanania lucida*.

**katakana** (Lin) sistem tulisan silabik yg digunakan dlm bahasa Jepun, khususnya utk mentranskripsikan kata asing.

**katalase** (Bio) enzim yg memungkinkan penguraian hidrogen peroksida kpd air dan oksigen.

**katalepsi** (katalépsi) (Ubat) keadaan seseorang yg tidak sedar beberapa ketika dan tubuhnya kaku, mis pd pesakit skizofrenia.

**katalisator** IB bahan utk mempercepat tindakan kimia, mungkin.

**katalog** butiran senarai yg lengkap, biasanya mengikut abjad, berserta catatan tentang perinciannya; **2.** senarai buku atau sumber di perpustakaan;

**mengkatalogkan** **1.** menyenaraikan maklumat tentang sesuatu barangan (spt buku, peralatan kosmetik) utk menghasilkan katalog barangan yg berkenaan; **2.** membuat klasifikasi (pd sesuatu barang atau maklumat) utk disusun di dlm katalog, mis buku di

perpustakaan, maklumat di muzium: *sebanyak 1200 buah buku sudah dikatalogkan utk bacaan umum;*

**pengkatalogan** proses dsb menyenaraikan sesuatu (nama barang, nama buku, dsb) dlm katalog, proses membuat katalog: *sistem ~ di perpustakaan dgn penggunaan singkatan perkataan bahasa Malaysia;*

**pengkatalog** orang yg mengkatalogkan.

**katam** potong, ruas; *se~ tebu seruas tebu;*

**mengatam** memotong, mengerat: *~ dan menyang daging; tulang kau akan dikatam-katam dan disedekahkan.*

**katamaran** sj kapal layar yg mempunyai dua badan kapal berkembar yg selari kedudukannya.

**katan** Kl modal: *saya tidak ada ~ hendak membuka perniagaan.*

**katang-katang I** sj bakul empat persegi (drpd mengkuang dll).

**katang-katang II** sj tumbuhan (pokok menjalar), *Cynometra spp.;* *bagai diurap dgn daun ~ prb, Mn orang yg panas hati hendak berkelahi.*

**katapel** (katapél) ark IB **1.** lastik; **2.** alat utk melepaskan kapal terbang (drpd kapal induk).

**katar I** sj perahu layar.

**katar II** (Ubat) radang pada selaput hidung dan kerongkong, sakit kerongkong.

**katarak** sj penyakit mata yg menyebabkan kanta mata menjadi legap hingga mengaburkan pandangan.

**katarsis 1.** kelegaan emosi (perasaan), kelegaan drpd ketegangan dan pergolakan batin: *banyak remaja yg memilih majalah ataupun buku murah yg dapat mendatangkan kepuasan estetika ataupun bahan yg mendatangkan ~;* **2.** (Ubat) proses pengubatan yg digunakan utk



meluahkan perasaan pesakit berhubungan dgn pengalaman buruk yg terpendam dgn mengulangi pengalaman itu melalui pertuturan atau perbuatan.

**kate** (katé) kerdil; □ **katik I**.

**katedral** gereja besar bagi daerah di bawah bidang kuasa seorang biskop.

**katagis** IB guru agama Kristian (Katolik).

**kategori 1.** bahagian dlm sesuatu sistem klasifikasi, kumpulan (golongan dsb) besar berdasarkan ciri-ciri tertentu: *majalah ini boleh digolongkan dlm ~ majalah pengguna*; **2.** asas atau dasar sesuatu pengertian (dlm falsafah);

**mengkategorikan** memasukkan ke dlm atau menentukan sbg tergolong dlm sesuatu kategori tertentu: *permainan ini boleh dikategorikan sbg sukan rakyat yg amat digemari oleh rakyat*;

**pengkategorian** proses mengkategorikan sesuatu, pengklasifikasian, penggolongan: *penulis membuktikan bahawa ~ jenis-jenis itu mempunyai konsep yg tersendiri*.

**katek** (katék) Jk ketiak;

**mengateki** menggelikan, menggeletek.

**katel** (katél) Jk sj labah-labah besar.

**katelum** Id ark penjuru benteng yg menganjur ke luar.

**kater**; **pengkateran** penyajian.

**katerer** bp jurusaji.

**katering** perkhidmatan penyediaan makanan, penyajian.

**kates** (katés) Jw buah betik.

**katgut** sj tali halus dan kukuh yg diperbuat drpd usus haiwan, terutamanya kuda dan bebiri, biasanya digunakan sbg tali raket, gitar, viola dsb.

**kati I** ukuran berat yg sama dgn 16 tahl; *se~ sama berat, diuji sama merah* prb sama tinggi darjatnya;

**mengati** menimbang dgn kati;

**katian** bp timbangan kati, ditimbang dgn kati.

**kati II** sj tumbuhan (pokok memanjat), sekati lima, *Aganosma marginata*.

**katib** Ar penulis, jurutulis, penyalin (tulisan), setiausaha: *maka ~ pun segeralah menuliskan surat sebagaimana yg dimaksudkan oleh baginda*.

**katibin** Ar (jamak bagi katib) penulis-penulis.

**katifah** = *kain* ~ kain tebal (utk selimut), ambal, permaidani.

**katih I** Kl, Ph, Tr **1.** kaki: *tangan-tangan yg nampak spt ~~~ belalang kecong; tak tih sebulan lagi, panjang ~ cepat berlari*; **2.** ki tinggi (bkn orang), panjang.

**katih II**; ~ *mura* sj tumbuhan (herba), rumput cengkering, rumput sebuhi, rumput seri galuh, sepitam, *Hedyotis glabra*.

**katik I** kecil (tidak mahu besar), sentiasa kecil (bkn orang, ayam, dll); *ayam* ~ ayam yg kecil sahaja (tidak mahu besar); *si* ~ gelaran atau panggilan (sbg bergurau) kpd seorang yg kecil sahaja (tidak mahu besar atau tinggi).

**katik II**; *rumput* ~ *belalang* sj tumbuhan (rumput), rumput tulung sentadu, rumput patah siku, *Paspalum orbiculare*.

**katik III**; *kotak-~*; □ **kotak II**.

**katil** sj perabot tempat seseorang tidur atau baring, ranjang; ~ *bujang* katil utk seorang; ~ *kelamin* katil utk dua orang;

**bersekatil** bersama-sama di atas satu katil.

**katimaha** Jw sj tumbuhan (pokok yg kayunya digunakan utk membuat hulu dan sarung keris dll), temahai, timaha, timanga, ketimaha, *Kleinhovia hospita*.

**katimumul** Jw sj penyakit pd kuku (jari).

**katimun** Jk mentimun.

**kation** (Kim) ion yg bercas positif dan bergerak ke katod semasa elektrolisis.

**katir** kayu lempung atau buluh yg dipasang di sisi perahu (supaya jangan terbalik).

**katirah** Jw sj tumbuhan (daunnya merah).

**katlum** □ **katelum**.

**katod** (Kim) elektrod negatif dlm sel elektrolisis.

**Katolik** mazhab agama Nasrani (yg di bawah pimpinan Paus di Rom).

**katoptrik** cabang ilmu optik yg berkaitan dgn pemantulan cahaya oleh cermin.

**katrol** IB kayu kerek, kapi, takal;

**dikatrol** diangkat dgn katrol.

**katuk I; mengatuk** Kd, Pn mengetuk (dgn pemukul).

**katuk II; seluar** ~ seluar dalam.

**katung I; terkatung-katung** **1.** terapung-apung (di air): *perahu Pak Kaduk pun hanyutlah ~ ke hulu ke hilir*; **2.** melayang-layang (di udara); **3.** ki tidak pasti (bkn nasib atau kedudukan seseorang, sesuatu perkara, dll), tidak tentu apa yg akan terjadi (apa kesudahannya dsb): *hampir setengah tahun lamanya, perempuan muda yg malang itu ~ tidak tentu arah*.

**katung II** sj penyu, *Dermochelys coriacea*; tersenget-senget bagai ~ di bawah reba prb orang kecil yg takut dan malu hendak mendekati orang besar dan mulia.

**katung III 1.** = **katung-katung** sj tumbuhan (pokok), belangan, cucu ikan, kangkatung, kepoyang, keranji, kurang sepat, melangan, mengketai, *Cynometra polyandra*; **2.** = ~ laut sj tumbuhan (pokok) belangan, kangkatung bukit, kangkatung laut, *Cynometra ramiflora*.

**katung IV**; *baju* ~ baju berlengan pendek.

**katup I 1.** ditutup (tertutup) rapat-rapat; **2.** sesuatu yg digunakan utk menutup, tutup, tutupan;

**berkatup** (telah, sudah) ditutup: *pintu pejabat itu sudah ~*;

**mengatup** menutup (pintu, mulut, dll): *ia naik ke rumahnya dan ~ pintu*;

**mengatupkan, memperkatupkan** menutup sesuatu rapat-rapat, menutupkan, merapatkan: *budak-budak yg lalu di jalan itu disuruhnya tangkap, dimasukkan ke dlm pagar dan dikatupkan pintunya*;

**terkatup** tertutup rapat-rapat (bkn pintu dll), terkancing (mulut): *ia berdiri tegak bertentang dgn muka pintu yg ~ rapat itu*;

**katupan** tutupan (pintu dll): *terdengar akan langkah terakhir dan disusuli oleh ~ pintu*;

**pengatup** sesuatu utk mengatup.

**katup II**; ~ *perenggan* sj tumbuhan (herba), kancing baju jantan, rumput teki, *Kyllinga brevifolia*.

**katup-katup** sj tumbuhan (pokok memanjat), kait-kait rimba, letup-letup, *Bauhinia bidentata*.

**katut**; ~ *selayar* sj tumbuhan (pokok), saga monyet, semelit jekuk,  
*Breynia discigera*.

**katwal** ark sl mata-mata, polis; **ketual**.

**kau** singkatan bagi engkau; ~ *orang* bp kamu sekalian.

**kaudal** (Bio) berkaitan dgn ekor: *sirip* ~.

**kaukab** Ar ark planet.

**kaul I** Ar **1.** kata, perkataan; ~ *yg sah* perkataan yg benar; **2.** pendapat, fikiran: *adalah Sat Malangkai itu pd setengah ~ Bugis, keturunan puteri Balkis*; **3.** niat yg disertai dgn janji akan melakukan sesuatu (apabila permintaannya diluluskan), nazar: *adalah pd hari ini sahaja hendak melepaskan ~ sahaya; membayar (melepaskan) ~ melepaskan nazar (menunaikan niat dan janji)*; **4.** ark janji yg diikrarkan teguh-teguh; *hidup tidak kerana ~, mati tidak kerana sumpah* prb hidup mati terletak di tangan Tuhan;

**berkaul** berniat atau berjanji hendak melakukan sesuatu (apabila permintaannya diluluskan atau makbul), bernazar: *di gunung itu ada sebuah makam di dlm sebuah gua tempat orang ~ dan bernazar; ~ kpd (ke tempat) keramat* prb meminta sesuatu hendaklah pd tempatnya;

**mengaulkan** menazarkan, meniatkan, mendoakan: *akan baginda itu kasih akan cucu baginda Sultan Menawar Shah drpd Sultan Mahmud, maka sangatlah dikaulkan baginda Sultan Mahmud biar mati.*

**kaul II** rabuk (sj serabut yg terdapat pd pohon enau dll).

**kaula** Jw ark **1.** hamba, abdi; **2.** hamba, patik; □ **kawula**.

**kaum** **1.** puak, suku bangsa: *banyak ~ orang asli yg masih tinggal di dlm hutan*; **2.** jenis bangsa: *antara ~ yg hidup berpindah-pindah pd*

*zaman sekarang ialah ~ Eskimo*; **3.** keluarga, sanak-saudara: *seorang gadis dilarang keluar belayar seorang diri kecuali bersama-sama dgn bapanya ataupun seorang drpd ~ kerabatnya yg haram nikah dengannya*; **4.** golongan (orang yg sekerja, sefahaman, setingkat, dll): *~ buruh; ~ petani; ~ nelayan*; **5.** bahagian drpd jenis (tumbuh-tumbuhan dan haiwan);

*~ asli* penduduk asli di sesebuah negara; *~ atasan* golongan orang yg tinggi taraf atau kedudukan mereka dlm masyarakat (spt orang-orang yg berpangkat tinggi, golongan bangsawan, dsb); *~ borjuis* golongan orang pertengahan (tidak tinggi atau rendah taraf atau kedudukan mereka dlm masyarakat); *~ buruh* golongan pekerja (buruh); *~ guru* orang-orang yg berjawatan guru; *~ ibu (wanita)* golongan orang perempuan; *~ keluarga = ~ kerabat* sanak saudara, saudara-mara; *~ kolot* orang-orang yg termasuk dlm golongan yg berfikiran kolot; *~ lelaki* golongan orang lelaki; *~ marhaen* rakyat jelata yg kebanyakan (spt petani kecil, buruh, dll); *~ modal* orang-orang yg kaya (bermodal), golongan kapitalis; *~ muda* angkatan muda; *~ munafik* orang-orang yg munafik; *~ Muslimin* orang-orang Islam; *~ Musyrikin* orang-orang kafir; *~ pemberontak* orang-orang yg memberontak; *~ perewa* Mn orang yg buruk kelakuannya (spt samseng); *~ proletar* golongan pekerja bawahan; *~ rendahan* golongan orang yg rendah pangkatnya atau kedudukannya, dsb; *~ syarikat* orang-orang yg menjadi sahabat (sekutu); *~ tani* orang-orang yg bertani, golongan petani; *~ terpelajar (cerdik, cendekia)* golongan orang yg pandai-pandai; *~ tua* generasi tua;

**berkaum 1.** berkerabat (dgn), mempunyai pertalian kekeluargaan (dgn): *dia itu ~ dgn saya*; **2.** berkaum-kaum; **3.** ark (ber)sembahyang mengikut imam (berimam), sembahyang berjemaah;

**berkaum-kaum** berpecah-pecah mengikut kaum, berpuak-puak: *akan tetapi hidup mereka masih ~*;

**perkauman 1.** (yg berkaitan dgn) kaum kerabat (keluarga), (pertalian) sanak-saudara; **2.** (yg berkaitan dgn) golongan, puak; **3.** (yg berkaitan dgn sesuatu) suku bangsa, kesukuan (bangsa dll): *perasaan ~ yg keterlaluan di negara yg berbilang bangsa sangatlah berbahaya.*

**kaung** (Sunda) enau, kabung; *rokok ~ rokok yg digulung dgn daun kaung.*

**kaunseling** proses teratur yg melibatkan perbincangan yg rapi tentang masalah yg dihadapi oleh seseorang dan usaha mengatasi atau menyelesaikannya menerusi bimbingan dan nasihat;

**mengkaunseling** memberikan kaunseling kpd: *kaunselor sekolah itu gagal ~ pelajar yg bermasalah.*

**kaunselor** orang yg (layak) menjadi pembimbing dan penasihat kpd orang lain yg menghadapi masalah, orang yg berkemampuan memberikan khidmat kaunseling.

**kaunter I** meja panjang tempat melayani pertanyaan tetamu, tempat urus niaga dijalankan, tempat makanan disajikan kpd pelanggan, atau barang-barang dipamerkan.

**kaunter II** (Eko) saham yg disenaraikan di bursa saham, mis kaunter Tenaga Nasional Berhad bererti saham syarikat ini disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

**kaup; mengaup 1.** mengambil banyak-banyak sekali gus dgn tangan, mengaut, meraup: *ia ~ pakaian yg sudah berlonggok di atas lantai*;

~ *daun-daun kering yg bertimbun*; **2.** ki mengambil banyak-banyak:  
*kaum penjajah hendak ~ hasil negeri ini*;

**pengaup** alat utk mengaup; □ **kaut**.

**Kaur** sebahagian drpd nama orang Sikh, yg menandakan ia seorang perempuan.

**kaus I 1.** sl kasut, sepatu: *ini surat dr bawah ~ Raja Langit datang kpd Raja Melaka*; **2.** = ~ *kaki stoking*; ~ *tangan sarung tangan*; **3.** kain tipis (yg jarang-jarang tenunannya); *baju* ~ baju drpd kain yg jarang-jarang tenunannya; ~ *lampu* sj kain kasa yg dipasang di atas nyala lampu gasolin; ~ *pendek* baju kaus yg pendek lengannya.

**kaus II Ar ark 1.** busur panah; **2.** salah satu tanda dlm rasi *Sagittarius*.

**kausatif** (Lin) bkn bentuk kata kerja transitif yg berakhiran *-kan* yg mengatakan sebab berlakunya sesuatu kejadian (mis dlm ayat *Ali membesarkan rumah*, *-kan* dlm kata *membesarkan* membawa pengertian kausatif, iaitu menjadikan besar).

**kauseri** IB ceramah.

**kaustik** (Kim) dapat mengakis atau merengsa tisu hidup (bkn bahan): *soda* ~;

**kekaustikan** sifat atau keadaan kaustik: *bahan itu dicairkan utk mengurangkan ~nya*.

**kaut; mengaut 1.** mengumpulkan dgn tangan (dan menarik ke arah diri sendiri), mengambil sesuatu banyak-banyak, meraup: *Karim gelak-gelak sambil ~ daun terup di hadapannya*; **2.** ki mengambil banyak-banyak, mengikis: *negara asing sedang ~ kekayaan nasional kita utk kemewahan mereka*; ~ *keuntungan* mengambil untung dgn banyaknya; ~ *laba dgn siku* prb sentiasa hendak beroleh untung banyak;



**pengautan** perihal atau perbuatan mengaut;

**pengaut** alat utk mengaut (tanah dll); □ **kaup**.

**kavadi** benda berhias yg diusung pd sebelah bahu oleh penganut agama Hindu semasa perayaan Thaipusam utk memuja Dewa Subramaniam.

**kavalri** 1. pasukan askar berkuda; 2. pasukan tentera darat yg menaiki kereta perisai.

**kaveat** (kavéat) (Udg) notis rasmi kpd mahkamah bahawa sesuatu tindakan tertentu tidak sepatutnya diambil tanpa memberitahu orang yg memberikan notis ini;

**pengkaveat** orang yg memfailkan (mendaftarkan) kaveat.

**kaviar** telur sj ikan yg diasinkan dan dimakan sbg hidangan istimewa dan mewah.

**kawa I**; *buah* ~ sj tumbuhan (pokok), *Canarium purparascens*.

**kawa II** Tr (pokok) kopi.

**kawa-kawa** ark sj labah-labah.

**kawad** perbarisan oleh anggota pasukan seragam, terutamanya tentera dan polis yg melibatkan pergerakan kaki, tangan dan badan serentak;  
~ *cam* proses mengecam orang yg disyaki dlm sesuatu jenayah dgn membariskan mereka di hadapan pihak berkuasa atau orang yg dianiyai; ~ *kaki* kawad oleh anggota pasukan pakaian seragam, terutamanya tentera dan polis yg mengutamakan pergerakan kaki serentak; ~ *perpisahan* kawad yg diadakan bagi meraikan perpisahan seseorang pegawai tinggi (spt polis dan tentera) yg akan bersara; ~ *senjata* kawad (polis, tentera dsb) dgn membawa senjata api spt M16;

**berkawad** berbaris atau berjalan dgn rentak yg sama (bkn tentera, polis, dll), mengadakan perbarisan: *satu pasukan Askar Melayu Diraja akan ~ di Stadium Merdeka.*

**kawah I** 1. sj kualiti besar, kancuh; 2. mulut gunung berapi, lubang kepundan.

**kawah II**; *bunga ~ sj tumbuhan (herba), janggut rimau, Polygonum dichotomum.*

**kawai** Pl, bp mengambil semua, membolot.

**kawak = kawakan** Jk 1. tua benar, tua bangsa; 2. ki sudah berpengalaman.

**kawal** 1. orang yg menjaga, penjaga; ~ *sambang* penjaga yg meronda, peronda; 2. penjagaan, pengawasan: *segala hulubalang pun berkhemahlah masing-masing pd ~nya;*

**berkawal** 1. berjaga (mengawasi di sesuatu tempat): *beberapa orang anggota polis tinggal ~ di tempat itu;* 2. diawasi, dijaga: *makin ~, makin kecurian;*

**mengawal, mengawali** 1. menjaga dan mengawasi (tempat, bangunan, dll) supaya selamat, menjaga keselamatan (orang lain): *ia memimpin anak buahnya berjaga malam ~ kampung;* 2. mengawas atau mengawasi (supaya tidak melampaui batas, sempurna dan teratur segala-galanya atau utk sesuatu tujuan lain), mengontrol: *kalau dia seorang yg benar-benar sabar, berjayalah ia ~ dirinya; ~ harga barang; ~ gerak langkah dan tindakan sesuatu kumpulan pekerja; ~ penyakit supaya tidak merebak;*

**mengawali** mengawal berterusan atau beramai-ramai: *pd tatkala itu, Taifah pun ada ~ istana itu;*

**terkawal** (dapat) dikawal, diawasi;

**kawalan 1.** yg dikawal; *hukuman* ~ hukuman yg menyekat kebebasan pergerakan seseorang; **2.** usaha atau tindakan mengawal (menjaga, mengawasi): ~ *keselamatan akan dilakukan di sepanjang pantai itu;*

~ *harga* penetapan paras harga maksimum oleh kerajaan terhadap barang atau perkhidmatan asas tertentu, terutamanya semasa inflasi atau darurat; ~ *kredit* (Eko) kawalan yg dikenakan terhadap sistem perbankan bagi mengawal jumlah pinjaman, khususnya dlm pemberian pinjaman dan overdraf; ~ *mutu* pemeriksaan terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan utk menjamin atau memastikan barangan yg dihasilkan atau perkhidmatan yg diberikan itu mematuhi piawaian mutu yg ditetapkan;

**pengawalan** perihal (perbuatan) mengawal: ~ *penyakit tumbuhan dgn menggunakan racun kulat boleh dilaksanakan;*

**pengawal 1.** orang yg mengawal, penjaga, pengawas: *Taruna dan Aduka sama-sama menjadi ~ dan pesuruh penghulu yg setia;* **2.** orang yg mengawal (mengetuai) jabatan kerajaan yg tertentu: ~ *Hasil Dalam Negeri;* ~ *Kastam;*

~ *kampung* pasukan (orang) yg bertugas secara sukarela utk menjaga keselamatan kampung; ~ *pantai* (pasukan) petugas yg mengawasi lalu lintas kapal, mencegah penyeludupan, membantu kerja menyelamat di laut dsb.

**kawal selia** tindakan mengawal dan menyelia sesuatu pekerjaan, fungsi dsb supaya dapat berjalan dgn betul dan lancar selaras dgn aturan, prinsip, tujuan dsb yg telah ditetapkan: ~ *perdagangan mata wang memerlukan tindakan bersepadu semua negara;* *pendisiplinan kuasa pasaran boleh menggalakkan ~ korporat yg baik;*

**mengawal selia** melakukan atau menjalankan kawal selia: *sebuah lembaga diberi tugas utk ~ pelabuhan itu; pihak kementerian sentiasa ~ aktiviti semua syarikat minyak yg terbabit;*

**pengawalseliaan** perihal (proses atau perbuatan) mengawal selia: *akta ini menyediakan undang-undang tentang pelesenan dan ~ institusi yg menjalankan perniagaan bank; ~ mutu program francais juga diragui;*

**pengawal selia** pihak (badan atau orang) yg menjalankan kawal selia: *keadaan itu mendesak ~ sekuriti utk berbincang dan bertukar-tukar maklumat; kajian itu menonjolkan isu utama yg membabitkan semua ~ kewangan.*

**kawan I 1.** kumpulan (binatang), kelompok, gerombolan (penjahat, pegganas, dll): *Panglima Hitam melihat ~ ikan berenang-renang di air jernih; datanglah kpd saya se~ muda-muda;* **2.** sahabat, teman (dlm pergaulan sehari-hari), rakan: *hendak tahu akan baik orang, tanyalah kpd ~nya yg karib; aku dgn beberapa orang ~ telah mengungsi ke Merbuk;* **3.** orang yg bersama-sama melakukan sesuatu (terlibat dlm kegiatan, pekerjaan, dll yg sama), teman: *~ sekerja;* **4.** bp ahli rumah tangga (suami atau isteri), teman hidup: *bakal menantuku sudah ada, ~ hidupmu yg ibu idam-idamkan sudah tersedia;* **5.** pemakan, jodoh; *~ sirih apa yg dimakan dgn sirih;* **6.** Jh, bp kata ganti diri pertama, aku, saya: *~ harap bila ayah ~ pindah rumah nanti, awak boleh datang;*  
*~ berbuat Id orang yg berserta melakukan kejahatan; ~ berlumba saingan (berlari); ~ sekelas budak (teman) yg sama kelasnya; umpama burung tumpang beramai dgn ~ banyak prb perihal orang dagang yg tidak sungguh dan tidak tetap hatinya di negeri orang;*

**berkawan 1.** = **berkawan-kawan**, **berkawanan** berkelompok-kelompok atau berkumpulan-kumpulan (bkn binatang atau manusia), beramai-ramai, bergerombolan: *dia terpandang-pandang ikan kecil dan besar berkawan-kawan; orang telah ramai datang berpasang-pasang, berkawan-kawan; burung pipit yg berterbangan berkawanan dr dahan ke dahan;* **2.** bergaul dan berbaik-baik dlm hubungan sehari-hari, menjadikan (menganggap atau melayani sbg) kawan, bersahabat, berteman: *tidak pernah ia menolak orang-orang yg mahu ~ dengannya; tak usah ~ dgn dia;* **3.** mempunyai pasangan hidup (suami atau isteri), sudah berkawan (bersuami atau beristeri); **mengawan** melakukan perhubungan jenis (bkn haiwan), bersetubuh (bkn haiwan): *katak biasanya kembali ke air utk ~ dan bertelur;* **mengawani** menemani: *seorang dua adiknya boleh dibawanya tinggal bersama-sama utk ~nya apabila Kamal terpaksa meninggalkan rumah;* **memperkawan 1.** menganggap (mengambil) sbg kawan, membuat kawan dgn; **2.** minta pertolongan kpd; **memperkawankan 1.** mengusahakan supaya berkawan atau bersahabat (bkn orang yg belum kenal-mengenal, orang yg bermusuhan, dll); **2.** Mn mengahwinkan (anak perempuan); **kawanan** sekumpulan binatang, segerombolan penjahat, pengganas, dsb: *spt seekor lembu di tengah-tengah ~ kambing;* **pengawanan** perbuatan atau proses mengawan: *proses ~ itu berlaku utk menghasilkan baka lembu yg berkualiti.*

**kawan II** sj ikan darat, *Labiobarbus curieri*.

**kawan III;** *burung* ~ sj burung, burung mati sekawan, enggang buluh, *Anorrhinus galeritus carinatus*.

**kawang;** *minyak* ~ sj minyak yg diperoleh drpd pokok tengkawang.

**kawanua** (Minahasa) orang senegeri atau setanah air.

**kawar** Kd pencuri.

**kawasan 1.** tempat terbuka atau lapangan (baik kecil ataupun sangat luas):

~ *seluas seribu hektar telah disediakan utk projek-projek perindustrian itu; ~ di sekeliling rumah itu gelap-gelita; 2.*

lingkungan sesuatu keluasan yg termasuk di dlm sesuatu pemerintahan atau kekuasaan, daerah (sesuatu kerajaan, pemerintahan, dll), wilayah: *tentera musuh menceroboh masuk ke dlm ~ Malaysia; 3.*

daerah atau wilayah yg sama keadaan buminya atau hawanya (hasilnya, kegiatan ekonominya, dll): ~ *paya; ~ hutan;*

~ *tropika; ~ sejuk sederhana; ~ arang batu; ~ pertanian; ~ perladangan; ~ perusahaan; 4.*

NS kampung atau tanah (hak milik seseorang), pekarangan rumah;

~ *hitam* daerah atau selingkungan tempat-tempat yg dianggap berbahaya (kerana terdapat ancaman, gerakan, dsb oleh gerombolan pegganas); ~ *legeh* kawasan (tanah tinggi) yg memisahkan dua

hulu sungai atau lebih; ~ *perairan* bahagian laut sehingga ke beberapa batu dr pantai yg diiktiraf sbg terletak di bawah kekuasaan

negeri berkenaan; ~ *putih* daerah atau selingkungan tempat-tempat yg dianggap tidak berbahaya (bebas drpd ancaman pegganas); ~

*sesak* kawasan (biasanya kawasan bandaran) yg padat dgn penduduk (bangunan dsb); ~ *sterling* lingkungan yg meliputi negara-negara yg menggunakan mata wang sterling sbg pertukaran asing utamanya; ~

*tadahan* kawasan yg menerima air hujan dan menyalirkannya ke sungai, tasik, empangan dsb;

**berkawasan** mempunyai (ada) kawasan: *pertubuhan antarabangsa yg tidak ~.*

**kawat I** 1. tali yg dibuat drpd logam (spt tembaga dll), dawai: *karan elektrik mengalir melalui ~ tembaga*; 2. = *berita ~ = khabar ~ = surat ~ telegram: besoknya Pak Wir telah mengirim ~ kpd menantunya; mengetuk ~ = memukul ~ = menokok ~* Id mengirim berita dll dgn telegram;

~ *(ber)duri* kawat (dawai) yg berduri atau berkait-kait tajam (digunakan utk membuat pagar dll); ~ *jaring* = ~ *kasa* kawat yg dianyam halus-halus; ~ *mata punai* kawat yg dianyam dgn mata atau lubang-lubang yg besar (digunakan utk membuat reban atau kurungan ayam dll); ~ *penahan* kawat yg mengurangkan aliran karan elektrik; *sungguh ~ yg dibentuk, ikan ditebat yg diadang* prb tipu muslihat yg tersembunyi utk mencari keuntungan diri sendiri; **mengawatkan** mengirim berita dll dgn telegram: *pd hari itu juga, dikawatkan hal yg mencemaskan itu ke India.*

**kawat II** → **kawad**.

**kawi I**; *bahasa ~* a) bahasa Jawa kuno; b) bahasa Jawa yg biasa dipakai dlm kesusasteraan, bahasa pujangga.

**kawi II** sl (sesuatu yg) kuat, kukuh, teguh: *adat yg ~ adat yg dipakai dan dimuliakan sejak zaman dahulu.*

**kawibawan** kewibawaan; □ **wibawa**.

**kawik** sj tumbuhan (pokok), durian api, durian hutan, sahun, *Durio malaccensis*.

**kawula** Jw 1. ark hamba, abdi, rakyat; 2. saya, patik; 3. Id rakyat sesuatu negara, warganegara; **kaula**.

**kaya I 1.** banyak harta (wang dsb): *bak kata adat, tuah dek sisik, ~ dek pendapatan; ia berasal drpd keluarga yg ~ juga; orang ~ a)* orang yg mempunyai banyak harta (wang dsb); b) = *orang ~-~* sl orang yg tinggi kedudukannya (pangkatnya, martabatnya); c) Mn isteri orang yg berpangkat; **2.** = *Maha K~* Maha Besar, Maha Berkuasa (bkn Tuhan): *Tuhan yg Maha K~*; **3.** = *~ dgn (sesuatu)* banyak mempunyai atau mengandungi (dlm berbagai-bagai erti): *buah betik ~ dgn vitamin A dan C; negeri yg ~ dgn sumber alam; seorang lelaki tua yg ~ dgn pengalaman; bahasa yg ~ bahasa yg banyak kata-katanya (ungkapannya dll);*  
*~ anak* banyak anak; *~ hati* (orang yg) mulia hatinya, dermawan, pemurah; *~ hutang* (orang yg) banyak hutangnya; *~-raya* kaya sekali (besar), sangat kaya; *(orang) ~ baru* (orang yg) baru menjadi kaya; *hendak ~ berdikit-dikit, hendak tuah bertabur urai, hendak berani berlawan ramai* prb hemat itulah titian kaya dan murah itulah titian tuah serta banyak lawan itu mendatangkan berani; *kalau ibu ~, anak jadi puteri, kalau anak ~, ibu jadi budak* prb perihal perbezaan antara kesayangan ibu dgn kesayangan anak; *orang baru ~ jangan dihutangi, orang lepas nikah jangan ditandangi* prb sia-sialah mengerjakan perbuatan yg tidak mendatangkan faedah; *orang ~ suka dimakan, orang elok (muda) selendang dunia* prb orang hartawan yg selalu dermawan, orang muda adalah perhiasan dunia (utk puji-pujian); *tak ~ oleh emas pembawa, tak gadis oleh kain berselang* prb hendaklah berusaha sendiri utk mencapai kemuliaan dlm hidup dan janganlah mengharapkan bantuan orang;  
**mengayakan** menjadikan kaya (berharta atau berwang banyak);



**memperkaya** 1. menjadikan bertambah (makin) kaya: ~ *diri sendiri*; 2. ki menjadikan makin banyak (luas dsb), menambah banyaknya (luasnya dsb), memperbanyak atau memperluas: *usaha ~ perbendaharaan kata bahasa Melayu; kedatangan agama Hindu ~ kepercayaan-kepercayaan lama ini dgn dewa-dewa Hindu dan berbagai-bagai mantera*;

**terkaya** kaya sekali, paling kaya;

**kekayaan** 1. perihal kaya: *apabila tuan hamba dlm ~ dan kebesaran tuan hamba, kami sentosalah dgn kesukaan kami; perhiasan-perhiasan itu dipakai mungkin utk menunjuk-nunjukkan ~*; 2. segala harta benda (wang dll) yg dipunyai oleh seseorang atau sesuatu pihak: *harta ~nya akan diwariskannya kpd isterinya; mereka berhak mempunyai ~nya sendiri*; 3. kekuasaan, kebesaran: ~ *Allah SWT*;

**pemeriksaan** perbuatan (proses) menjadikan sesuatu bertambah (makin) kaya: *kemasukan pengaruh bahasa asing memang memainkan peranan penting dlm ~ bahasa Indonesia*;

**pengayaan** perihal (usaha, proses, dsb) mengayakan: *pelajaran kesusasteraan secara tidak langsung mempercepat proses ~ dan penguasaan bahasa; ~ atau peluasan perbendaharaan kata*.

**kaya II** Jw seperti, sebagai, macam: ~ *anjing liar bergerombolan*.

**kaya III** seri kaya.

**kayai** Mn ark; **mengayaikan** menguatkan diri (utk berdiri) menggagahkan;

**terkayai** berupaya atau kuasa (utk melakukan sesuatu); *tidak ~ berjalan* tidak berupaya berjalan.

**kayak I** □ **kaya II**.

**kayak II** sj sampan yg asalnya digunakan oleh orang Eskimo;

**berkayak** naik kayak; mendayung kayak: *mereka akan ~ di perairan Perancis selepas menyeberangi Selat Inggeris.*

**kayan I**; *kayu*~ kayu-kayuan; → **kayu I.**

**kayan II** Kl; **terkayan-kayan** mundar-mandir (tanpa tujuan).

**Kayan III** suku kaum peribumi Sarawak, yg termasuk dlm kumpulan Orang Ulu, yg sering berpindah-randah di pedalaman kawasan Belaga dan hulu Sungai Baram, dan kegiatan utamanya ialah menanam padi huma.

**kayang** Kl kawasan tanah berumput yg menjadi hak milik seseorang.

**kayangan** negeri yang-yang, tempat dewa-dewa; □ **yang II.**

**kayap** penyakit kulit yg berupa bintik-bintik merah dan gatal; jenis-jenis: ~ *api*, ~ *badak*, ~ *basah*, dll.

**kayau**; **mengayau** membanjiri (bkn air bah), menggenangi.

**kayu I 1.** = *pohon* ~ = *pokok* ~ pohon yg hidup atau tumbuh (digunakan juga) utk menyatakan nama atau jenis pohon spt ~ *ara*, ~ *kembang*, dll; *batang* ~ batang pohon; *dahan* ~ dahan pohon; *daun* ~ daun pohon; **2.** bahagian batang (dahan dsb) yg keras yg banyak gunanya (boleh dijadikan tiang, alat perkakas, dll): *bahan api ialah benda-benda yg dibakar utk mendatangkan panas spt ~, arang batu, minyak tanah, dll; perabot yg dibuat drpd ~ jati*; **3.** yg dibuat drpd kayu (batang atau dahan pokok): *kerusi ~; rumah ~;*

~ *akhir* (Bio) bahagian kayu dlm gelang pertumbuhan (pd spesies pokok yg tumbuh di kawasan yg mengalami perubahan musim) yg mempunyai sel yg lebih kecil, lebih tumpat, lebih kuat, dan terbentuk terkemudian drpd bahagian kayu awal; ~ *antara* (Bio) lapisan pd sebelah dlm gubal kayu yg mempunyai ciri peralihan antara ciri gubal kayu dan ciri teras kayu (dr segi warna dan sifat

umum); ~ *api* = ~ *bakar* kayu yg digunakan sbg bahan api; ~ *arang* sj kayu yg keras dan hitam warnanya; ~ *awal* (Bio) bahagian kayu dlm gelang pertumbuhan (pd spesies pokok yg tumbuh di kawasan yg mengalami perubahan musim) yg mempunyai sel yg lebih besar, kurang tumpat dan terbentuk pd awal musim pertumbuhan; ~ *balak* a) batang kayu yg telah dipotong; b) Id batang kayu yg telah ditarah; ~ *bangunan* kayu yg baik utk dibuat rumah dsb; ~ *belantan* sj gada (pemukul) drpd kayu; ~ *besi* sj kayu yg keras dan berat (berwarna hitam); ~ *bongkok* ki orang yg hina lagi miskin (selalu dipandang rendah); ~ *cagak* kaki penyangga (meriam dll) drpd kayu; ~ *gabus* kayu yg lembut dan ringan; ~ *gergaji* (Hut) kayu yg dihasilkan drpd pembelahan dan pemprosesan kayu balak, dan mempunyai beberapa ukuran dan bentuk tertentu, mis papan dan beroti; ~ *hutan* kayu drpd pokok-pokok di hutan; ~ *jaras* kayu balak yg bergaris pusat kecil (kurang drpd 150 mm) dan boleh digunakan sebagai tiang rumah, tiang elektrik, atau jambatan; ~ *keras* (Hut) tumbuhan Angiospermae kumpulan dikotiledon (mis cengal, jelutung, dll); ~ *kumai* (Hut) kayu panjang yg dipotong dengan menggunakan mesin kumai, dan permukaannya dibentuk menjadi pelbagai rupa bentuk utk tujuan hiasan; ~ *lapis* kayu keping yg nipis dan berlapis-lapis (digunakan oleh tukang kayu); ~ *lembut* (Hut) tumbuhan Gymnospermae yg menghasilkan kayu (mis pain, damar minyak, sempilor, podo, dll); ~ *lempung* a) kayu yg ringan; b) Kl orang yg berbadan besar tetapi tidak kuat; ~ *malam* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Ebenaceae, buey, kayu arang, kumoi, meribut kumoi bukit, *Diospyros spp.*; ~ *manis* kulit drpd sj pokok yg manis-manis pedas rasanya (digunakan dlm masakan); ~ *masam* sj tumbuhan (pokok) dlm famili

Euphorbiaceae, bagil, galang-galang penatan (Sabah), *Aporusa spp.*; ~ *muda* (Bio) bahagian kayu yg cepat tumbuh yg terbentuk di keliling empulur pokok. ~ *palang* a) pengancing pintu drpd kayu; b) salib; ~ *pembaris* (*rul, skil*) kayu dll yg bersengat dgn ukuran (digunakan utk membuat garis lurus); ~ *putih* tumbuhan yg menghasilkan sj minyak utk dibuat ubat, *Meloleuca leucadendron*; ~ *satar* Id kayu pembaris; ~ *ukur* a) kayu utk mengukur panjang dll sesuatu; b) ki ukuran atau standard yg digunakan utk membuat perbandingan atau penilaian: ~ *ukur utk mengetahui yg mana baik dan yg mana tidak baik*; ~ *besar di tengah padang, tempat bernaung kepanasan, tempat berlindung kehujanan* prb pemimpin yg menjadi tempat rakyat mengadu nasibnya; ~ *bongkok kura-kura pun boleh memanjat* prb kalau orang itu sudah bersalah ada sahaja yg menambah-nambah kesalahannya; ~ *dikatakan batu, langit hendak dicapai dgn tangan* prb orang yg tidak sempurna akal fikirannya; ~ *yg banyak akarnya tak takutkan ribut = ~ yg berakar tunjang tak endahkan ribut = jikalau sepohon ~ banyak akarnya lagi teguh, apakah ditakutkan ribut* prb orang yg banyak kawan tidak takut akan susah; *bagai ~ lempung ditebuk kumbang tembus-menembus* prb orang yg lemah mudah dianiayai oleh orang yg berkuasa; *besar ~ besar dahannya = gedang ~ gedang dahannya* prb apabila banyak penghasilan, besar pula perbelanjaannya; *di mana ~ bengkok, di sanalah musang meniti* prb tempat yg tidak dijaga baik-baik itulah yg dimasuki pencuri; *kalau sama tinggi ~ di rimba, di mana angin akan lalu* prb kalau sekalian manusia sama pangkat dan darjatnya nescaya tidak ada pekerjaan yg akan menjadi; *laksana pohon ~ tidak berbuah* prb ilmu yg tidak diamalkan tidak berguna; *seberat-berat ~*

*terapung juga dlm air* prb fikiran seseorang itu biar bagaimana teguhnya dapat juga dihasut; *tak ~ jenjang dikeping* prb dlm keadaan yg serba sukar, segala apa pun dibuat utk mencapai maksud; *umpama ~ buruk, buruk dek panas, reput dek hujan* prb nasib malang yg tidak dapat dielakkan lagi; *umpama ~ lempung, belum ditolak condong sendiri* prb orang yg bodoh dan penakut mudah menurut kehendak orang lain;

**kayu-kayu 1.** bp orang yg diperalatkan oleh orang lain (spt menggunakan namanya utk membeli sesuatu dll); **2.** bp lelaki yg dijadikan sbg kendak (oleh perempuan);

**kayu-kayuan, kayu-kayan** serba jenis kayu, bermacam-macam jenis kayu;

**berkayu 1.** ada kayunya, berteras; **2.** mencari kayu (di hutan): *pergi ~ pergi mencari kayu*;

**perkayuan 1.** (segala jenis pekerjaan) yg bersangkutan dgn kayu (spt menebang, membuat kerusi drpd kayu); **2.** alat-alat rumah drpd kayu: *ke kampung telah dikirim surat menyuruh membeli ~ buat rumah anak*; **3.** rangka rumah.

**kayu II** gulung (sbg satuan atau unit utk mengira banyaknya kain, cita, dll): *kain khasah bunga emas setengah ~*.

**kayu III 1.** sj ikan laut, *Euthynnus alleteratus*; **2.** sj ikan laut, *Germo sibi*.

**kayuh I = pengayuh;**

**berkayuh, mengayuh 1.** menggerakkan (menjalankan) perahu dsb dgn pengayuh: *ia ~ dan mengumpul dan memakai kolek sahaja; pagi-pagi lagi Si Tenggara telah ~ perahunya pergi ke sebuah pulau*; **2.** menjalankan basikal atau beca (dgn memijak dan memusingkan kayuhnya): *cepat-cepat ia ~ basikalnya*;

~ *sambil bertimba (ke hilir)* prb dapat menyelesaikan dua tiga pekerjaan serentak; (*malu bertanya sesat jalan*), *malu ~ perahu hanyut* prb kalau tidak berusaha, tentulah susah dan kalau segan bertanya, akan membuat kesilapan;

**berkayuh-kayuhan** berkayuh-kayuh ke sana ke mari (utk bermain-main sahaja);

**mengayuhkan** 1. menjalankan perahu (dgn menggunakan pengayuh), menjalankan perahu (menuju, menghala ke): *anak-anak perahu ~ perahunya mengikut perintah Musa; Wan Omar memerintahkan supaya perahu itu cepat dikayuhkan ke tepi pantai;*

2. menjalankan basikal atau beca (dgn memijak dan memusingkan kayuhnya): *Ramlan ~ becanya membawa dua orang anak;*

**terkayuhkan** dapat dikayuh, berdaya mengayuh; *tidak ~ lagi biduk hilir* prb tidak berdaya lagi, lemah benar;

**kayuhan** gerakan (hasil atau perbuatan) mengayuh: *jika boleh, dia ingin mengayuh sepantas ~ Rosman Alwi;*

**kekayuhan** perahu yg dikayuh; *bidar ~ sj sampan;*

**pengayuh** 1. = **kayuh** alat utk mengayuh (perahu dsb) yg berdaun satu, dayung; 2. = **kayuh** alat utk menggerakkan basikal atau beca, rakap, pedal, injak-injak; 3. orang yg mengayuh: *dr jauh datang sebuah beca dgn ~nya yg lesu;*

*apa digaduhkan, ~ sama di tangan, perahu sama di air* prb a) jika kedua-dua sama hajatnya, haruslah diperjuangkan terus supaya tentu siapa yg mendapat; b) janganlah gentar melawan orang yg setara dgn kita kerana nasib kita di tangan Allah; *engkau belum mencapai ~, aku telah sampai ke seberang* prb orang yg bijaksana dapat segera

mengetahui maksudnya atau dalam dangkal pengetahuannya drpd cakap atau gerak-geri seseorang.

**kayuh II** gulung (kain putih, cita, dll); □ **kayu II**.

**kayun I**; *berputar* ~ = *putar* ~ bp berjalan-jalan ke sana sini (merayau-rayau).

**kayun II** Mn ark laku atau laris (barang-barang jualan).

**kazab** pembohong, palsu.

**KB** kep Kota Bharu.

**KBSM** kep Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

**KBSR** kep Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah.

**KDN** kep Kementerian Dalam Negeri.

**KDNK** kep Keluaran Dalam Negara Kasar.

**ke I 1.** awalan utk membentuk bilangan yg menunjukkan kedudukan dlm sesuatu siri atau urutan: *~tujuh*; *~dua puluh*; **2.** awalan bagi membentuk kata nama (biasanya disertai dgn akhiran *an*): *~kasih*; *~hendak*; *~cantikan*; *~perluan*; **3.** kata sendi yg menunjukkan arah atau tempat dll yg ditujui: *terbang ~ udara*; *belayar menuju ~ timur*; *melancong ~ Tokyo*; **4.** pergi (menuju sesuatu tempat): *saya hendak ~ pasar*.

**ke II** bp kah: *dia sudah balik ~ atau belum?*

**kean** Kl sj kuih berkuah (dibuat drpd beras).

**kebab 1.** sj sate; **2.** sj makanan yg terdiri drpd daging, tomato, dll yg dicucuk dan dipanggang.

**kebabal** putik angka.

**kebah** basah kerana keluar peluh (ketika hampir pulih drpd demam), berkurang atau mereda (demam) selepas keluar peluh: *dia baru saja ~ drpd demamnya*.

**kebaji** Mn ubat (jampi dll) yg menimbulkan kebencian terhadap seseorang atau antara suami dgn isteri (supaya bercerai): *Hanafi kena ~ supaya benci pd sekalian perempuan yg lain.*

**kebal I 1.** tidak dapat ditembusi (dilukai) oleh senjata (peluru dll), tidak lut: *mereka ~, tidak lut oleh senjata; kereta ~; ilmu ~ ilmu yg membuat seseorang itu tidak luka oleh senjata tajam dan tidak dapat ditembusi peluru; 2.* tidak boleh didakwa (dituntut) dlm mahkamah: *ahli Parlimen ~ selama bersidang di Parlimen; 3.* Id tidak dapat dihindangi penyakit;

*~ daging* tidak lut; *~ katak puru = ~ kulit nangka* kebal kerana kulit menjadi sangat keras; *~ pakan* kebal kerana tidak dapat dikenai senjata dll; *~ penimbul (raksa)* kebal kerana telah dimasukkan raksa ke dlm badan (dgn dijampi); *~ simpul* kebal kerana tidak pecah tembuni ketika dilahirkan;

**mengebal** menjadi kebal;

**mengebalkan** menjadikan kebal;

**kekebalan 1.** perihal tidak dapat ditembusi (dilukai) oleh senjata (peluru dll): *~ seorang pendekar; 2.* (Udg) perihal boleh dilindungi atau dikecualikan drpd sesuatu pendakwaan (hukuman, tindakan dsb), imuniti: *mahkamah itu memutuskan bahawa perlembagaan Amerika tidak memberikan apa-apa ~ kpd seorang presiden; ~ raja-raja; ~ diplomatik* kebebasan yg diberikan kpd diplomat asing drpd didakwa di mahkamah; *~ raja* konsep yg menyatakan bahawa tindakan undang-undang tidak boleh dibawa terhadap raja kecuali di bawah Perkara 183 Perlembagaan Persekutuan.

**kebal II;** *~ ayam* sj tumbuhan (pokok), balung ayam, medang bunga, pusat beludu, *Pentace triptera.*



**kebam I; mengebam;** ~ *bibir* memasukkan bibir ke dlm mulut (hingga tidak kelihatan lagi);

**terkebam-kebam** tergerak-gerak bibir sehingga masuk ke dlm mulut.

**kebam II** warna putih kebiru-biruan (spt warna timah, langit, dll).

**kebambam** Jk sj tumbuhan (pokok dan buahnya), sj mempelam, *Mangifera odorata*.

**keban** bakul tempat menyimpan benang dan jarum.

**kebarung** baju yg potongannya merupakan gabungan potongan kebaya dan kurung.

**kebas I 1.** sj penyakit lumpuh (pd anggota); **2.** berasa kaku (pd anggota); **3.** semut-semutan pd anggota (kerana lama terhimpit dsb); *membuang-buang* ~ berjalan-jalan supaya hilang kebas (semut-semutan);

**mengebaskan** menjadikan (menyebabkan) kebas: *duduk bersila lama-lama boleh ~ kaki*.

**kebas II:** ~-*kebus* bunyi kain dll dikibas (dikibar keras-keras); ~-*tangas* perbuatan mengibas-ngibas atau menyebat-nyebat (oleh bomoh utk menghalau penyakit dll);

**mengebas 1.** mengibar-ngibar kain dll dgn keras (supaya hilang debunya dll), mengibas(kan): *kain yg penuh debu itu dikebasnya sebelum dipakai*; **2.** memukul-mukul sesuatu (spt meja dll) dgn kain (utk menghilangkan debu dll): *lantai yg kotor itu dikebasnya dgn kain buruk*; **3.** bp mengambil dgn tiada izin pemilik, mencuri (biasanya barang yg kurang berharga): *rokok aku habis dikebasnya*.

**kebasi** sj ikan laut, nandung, pias, selangat, *Anodontosoma chacunda*.

**kebat I** ikat, bebat, balut; ~ *pinggang* Mn ikat pinggang; *se~* *bagai siri*  
Mn sekata, sepatat;

**mengebat** mengikat, membebat, membalut;

~ *erat membuhul mati* prb menetapkan sesuatu aturan atau perjanjian yg tidak dapat diubah lagi; ~ *erat-erat membuhul mati-mati* prb membuat perjanjian hendaklah dgn sempurna; ~ *sekebat erat, melangkah selangkah sampai, berkata sepatah sedang* prb orang yg tetap pendiriannya;

**mengebatkan** menjadikan sesuatu sbg kebat, mengikatkan;

**terkebat 1.** terikat, terbebat, terbalut; **2.** ki terlibat (dlm sesuatu perkara);

**pengebat** alat utk mengikat (membebat, membalut); *tali* ~ tali pengikat.

**kebat II;** ~-*kebit* tidak pernah diam (selalu bergerak, bekerja, dll).

**kebaya** baju perempuan yg bertangan panjang dan berbelah di bahagian dadanya (ditutup dgn butang, pin, atau kerongsang);

~ *labuh* = ~ *panjang* kebaya yg labuh (hingga ke lutut); ~ *pendek* = ~ *bandung* kebaya yg singkat (hingga ke pangkal paha).

**kebayak** ark kebaya.

**kebayan 1.** sl orang suruhan; **2.** = *nenek* ~ perempuan tua yg menjadi perantara dlm percintaan antara pemuda dan pemudi (dlm cerita dongeng zaman dahulu); **3.** Jw pegawai kampung (tugasnya menyampaikan perintah).

**kebayang** sj tumbuhan (pokok), merelang, pauh kijang, *Irvingia malayana*.

**kebek** (kébék); **I terkebek-kebek** berjalan terhegeh-hegeh (sekejap ke kiri sekejap ke kanan).

**kebek** (kébék) II Pr; **mengebek** mencari.

**kebel** sj tumbuhan (pokok), *Eurycoma longifolia*.

**kebelai** sangat lapar.

**kebembem** □ **kebambam**.

**keber** (kébé); **mengeber** Kl, Tr **1.** membenteng kain (drpd lipatannya); **2.** menceritakan, mendedahkan (hal orang): *dia tu kalau bercakap, mulalah ~.*

**kebil**; **terkebil-kebil** terkelip-kelip (mata), sekejap celik sekejap pejam (spt mata orang yg kehairanan, terperanjat, dll): *anak-anaknya juga tercengang sambil mata mereka ~.*

**kebiri** □ **kembiri I.**

**keboba** Kl nakal (kanak-kanak).

**kebuk** **1.** alat utk membuat laksa; **2.** sj kepek yg mengandungi piston atau omboh (pd enjin kereta); **3.** ruang atau rongga tertutup; ~ *awan* (Fiz) sj radas yg mengandungi udara yg tepu lampau dgn wap (lazimnya alkohol) dan digunakan utk mengkaji zarah asas sesuatu bahan radioaktif; ~ *jantung* (Bio) ruang dlm jantung tempat darah berkumpul (ada empat kebuk pd jantung manusia); ~ *pengionan* (Fiz) sj radas yg berisi gas pd tekanan rendah, mengandungi dua elektrod (terdapat voltan tinggi di antara keduanya), dan digunakan utk mengesan, mengukur, dan mengkaji sinaran pengionan; ~ *wasap* (Kim) sj kebuk yg dibina di dlm makmal dan digunakan sbg tempat utk menjalankan eksperimen yg menggunakan atau membebaskan bahan atau gas beracun.

**kebul** Jk asap; □ □ □ **kepul I.**

**kebuli** □ **kabuli.**

**kebun** tanah yg tidak berapa luas dan ditanami pokok buah-buahan atau sayur-sayuran dll, ladang kecil: ~ *sayur*; ~ *buah-buahan*; *tuan* ~ Id pengurus (pengusaha) ladang; *tukang* ~ orang yg mengerjakan (membersihkan) pekarangan rumah dan menjaga pokok-pokok yg ditanam;

~ *binatang* taman haiwan, zoo; ~ *bunga* taman bunga; ~ *percubaan* kebun tempat menguji berbagai-bagai tanaman; ~ *raya* Id kebun tempat ditanam berbagai-bagai tumbuhan (di Bogor);

**berkebun** bercucuk tanam di kebun, bekerja mengurus kebun;

**memperkebuni** mengusahakan tanah supaya menjadi kebun, mengerjakan tanah sbg kebun;

**perkebunan** 1. perihal tanam-menanam di kebun; 2. perusahaan atau urusan kebun; 3. tanah-tanah kebun; 4. Id ladang (besar): *Gampo menceritakan ia sekarang bekerja sbg pengarah ~ kina*;

**pekebun** orang yg memiliki atau yg mengurus kebun; ~ *kecil* pengusaha kebun yg tidak luas, pengusaha ladang kecil (getah, kelapa sawit, dll);

**pengebun** orang yg kerjayanya membuat kebun atau bekerja di kebun.

**kebur; mengebur** mengacau (air dll), mengaduk, mengarau.

**keburu** Jk 1. tergesa-gesa, tergopoh-gapah; ~ *nafsu* terdorong oleh nafsu, terburu-buru (tidak berfikir panjang terlebih dahulu); 2. masih sempat; *masih* ~ belum terlambat atau ketinggalan, masih sempat; *tidak* ~ tidak sempat, terlambat, ketinggalan.

**kebut I**; *tukang* ~ Id bp penjaga garis di padang bola sepak.

**kebut II; mengebut, mengebuti** membuang (menghilangkan) debu dgn kain dll, mengebas: ~ *pakaian*.

**kecah**; *kecuh*-~; □□□**kecuh**.

**kecah** (kécah); ~-*becah* kacau-bilau, halai-balai;

**berkecah** tidak kemas atau tidak teratur, berserak, berselerak, kacau-bilau: *kalau longgok adunan itu kelihatan terlalu ~ atau tidak tentu bentuknya, betulkanlah sedikit-sedikit dgn tangan;*

**mengecahkan** menyerakkan, menyelerakkan, menaburkan: *kecahkan undang itu rata-rata dan tuangkan sekali kuahnya.*

**kecai**; **berkecai**, **berkecai-kecai**, **terkecai** **1.** pecah kecil-kecil (spt kaca yg jatuh terhempas), hancur, bersepai, remuk; **2.** koyak-koyak (kain, kertas, dll) hingga menjadi kepingan yg kecil-kecil, hancur: *surat itu dikoyak-koyaknya hingga menjadi berkecai-kecai; mula-mula orang tidak percaya bahawa mayat yg sudah hancur ~ itu ialah mayat Buyung;* **3.** ki hancur, musnah: *harapan seorang ibu melihat anak sulung, menantu dan empat orang cucunya berbuka puasa bersamanya ~ apabila mereka terkorban dlm satu kemalangan semalam;*

**mengecaikan** menjadikan atau menyebabkan berkecai, menghancurkan: *kemalangan itu telah ~ harapannya;* → **ketai**.

**kecak**; **berkecak** bercecak; ~ *pinggang* bercecak pinggang.

**kecak** (kécak) incang-incut (kerana tercedera kaki), tertempang-tempang.

**kecam I**; **mengecam** mengkritik (keras), membidas, mencela: *beliau ~ sikap setengah-setengah pegawai yg kerap menggunakan bahasa Inggeris dlm urusan-urusan pejabat;*

**kecam-mengecam** saling mengecam antara satu sama lain: *kedua-dua pihak yg bertelagah itu ~ dan tidak mahu beralah;*

**kecaman** kritikan (yg keras), bidasan, celaan: *pendapat ahli Parlimen itu telah menimbulkan ~~~ hebat drpd ahli-ahli agama;*

**pengecam** pembidas, pengkritik, pencela.

**kecam II** sj tumbuhan (pokok), kelat lapis (merah, paya), sekujah, *Eugenia longiflora (lineata)*; ~ hutan sj tumbuhan (pokok) mengambir, *Maesa ramentacea*.

**kecambah** tumbuhan yg baru keluar drpd benih; ~ kayu ara takkan jadi pulut-pulut prb orang yg berani tidak akan menjadi penakut (orang besar tidak akan hilang kekuasaannya);

**berkecambah** 1. mulai (baru) tumbuh; 2. tumbuh dgn banyak(nya); □ □ □ **cambah**.

**kecamuk; berkecamuk** 1. menjadi hebat (peperangan, perjuangan, dll), menghebat, menjadi-jadi, merajalela: *ketika itu perang dunia sedang ~*; 2. menjadi kacau atau tidak tenteram (fikiran, perasaan, dll), kacau-bilau: *perasaannya ~, cemas, duka, gembira, dan sayu; berbagai-bagai ingatan ~ dlm kepalanya*;

**kekecamukan** keadaan atau perihal berkecamuk: ~ *fikiran dan perasaan*.

**kecandan** □ □ □ **kecindan**.

**kecap** bunyi spt bunyi cicak;

**mengecap** 1. mengeluarkan bunyi spt bunyi cicak; 2. = **mengecap-ngecap, berkecap-kecap, terkecap-kecap** mengatup-ngatupkan mulut ketika makan hingga berbunyi berdecap-decap: *dia makan sambil ~-ngecap*; 3. merasa (mencuba) masakan dll, mencicip: ~ *gulai utk mengetahui sedap tidaknya*; 4. ki merasai, menikmati: ~ *kebahagiaan; ~ nikmat*;

**kecapan** sesuatu yg dikecap (dgn lidah);

**pengecap** 1. orang yg mengecap (merasai, menikmati); 2. perasa (lidah).

**kecap** (kécap) Id kicap.

**kecapi I** sj alat bunyi-bunyian bertali yg dipetik sbg gitar (spt cerempung);

*memetik* ~ bermain kecapi;

**berkecapi** bermain kecapi.

**kecapi II** sj tumbuhan (pokok dan buah), sentul, *Sandoricum koetjape*;

*buah* ~ buah sentul.

**kecar**; ~ *lakum* sj siput darat yg beracun, *Nanina humphreysiana*; ~ *lotong*

sj siput tanpa karang, *Atopos maximus*.

**kecar** (kécar) ark sj rojak.

**keceh** (kécéh) Kl; **mengeceh** menggores (memantik) api, menggesekkan

(mancis dll) supaya keluar api.

**kecek** (kécék) I 1. Mn, Kl cakap, celoteh, borak: *seorang yg cetek ilmu*

*pengetahuannya lebih omong atau ~nya*; ~ *anak-anak celoteh anak-*

*anak (budak-budak)*; *banyak* ~ banyak cakap, banyak mulut,

(cerewet); *beralih* ~, beralih percakapan (kpd hal yg lain); *habis* ~

habis cakap (sudah selesai); 2. Kl, Tr tipu, kecoh;

~ *anak Melaka* prb gayanya spt orang yg berada padahal serba

kekurangan (cakap tinggi tetapi tidak berisi); ~ *bagai bunyi*

*merendang kacang* prb percakapan yg tidak keruan; ~ *bagai ketiak*

*ular* prb percakapan yg tidak berkeputusan (berpanjang-panjang);

~ *berlauk-lauk, makan dgn sambal lada* prb, Mn selalu

menyombongkan kepandaiannya (kekayaannya dll) padahal bodoh

(miskin dll);

**berkecek-kecek** bercakap-cakap, berceloteh, berbual-bual,

berborak;

**mengecek** 1. bercakap-cakap, berbual-bual, berborak-borak; 2.

memujuk utk meminta (menyuruh berbuat) sesuatu: *ibu bapanya*

*hari-hari mendongeng, ~ dan memujuk dia supaya berkahwin; 3. menipu atau memperdaya (dgn kata-kata); sudah dikecek dikecong pula prb dua kali tertipu (terpedaya);*

**mengecekkkan** **1.** mempercakapkan, memperkatakan (hal orang lain); **2.** memegahkan (kepandaiannya, kekayaannya dll);

**pengecek** **1.** orang yg suka mempercakapkan hal orang lain; **2.** (orang yg) pandai memujuk atau meminta-minta sesuatu.

**kecek** (kécék) **II**; *main ~* sj permainan (dgn memutar duit syiling dan menutupnya dgn telapak tangan), main lerap.

**kecele** (kecelé, kecélé) Jk tidak beroleh yg diharapkan (dicari, dijangka, dll), kecewa, hampa.

**keceng** (kécéng) tertutup mata sebelah;

**sekeceng**; ~ *mata* sekelip mata, seketika, sekejap: *malam tadi ~ mata pun saya tidak tidur*;

**mengecengkan**; ~ *mata* memejamkan mata sebelah (ketika membidik, mengamati sesuatu dll); **kereceng**.

**kecepek** (kecépék); *senapang ~* senapang lantakan (ubat bedil diisikan dr hujung larasnya).

**kecepong** □ □ □ **kecimpung**.

**kecer** (kécé) Jw sj alat bunyi-bunyian, gembreng.

**kecewa** (kecéwa) **1.** (berasa) dukacita kerana tidak tercapai cita-cita (harapan, kehendak, dsb), hampa: *hatiku ~ kerana sahabat baikku pun tidak dapat menolongku*; **2.** tidak berjaya (mencapai sesuatu), gagal (dlm ujian, usaha, dll), tidak berhasil (sesuatu usaha dsb): *beberapa percubaan mendaki gunung itu telah ~*; **3.** sl cela, cacat;

**mengecewakan** **1.** menyebabkan kecewa (berasa hampa), menimbulkan rasa kecewa (hampa, dukacita): *kerosakan besar pd*



*tanaman-tanaman itu telah ~ petani-petani; peletakan jawatan oleh beliau sangat ~ pengikut-pengikutnya; 2. menyebabkan tidak berjaya atau tidak tercapai (cita-cita, usaha, dsb), menggagalkan;*

**terkecewa** berasa kecewa;

**kekecewaan** perihal kecewa, perasaan kecewa (dukacita, hampa):  
*pd air mukanya, terbayang ~.*

**keci** (kéci) **I** sj kapal layar empat persegi.

**keci** (kéci) **II**; *kain ~ sj kain mori yg halus (tipis).*

**keciak; berkeciak** berbunyi spt bunyi anak ayam, menciap-ciap.

**kecibak** = *bunyi ~ bunyi spt bunyi air dipukul-pukul (ditepuk-tepuk), kecipak: semua melodi itu dicampur dgn bunyi ~ air dan keletak pendayung terkena sisi perahu masuk ke telinga Muslim;*

**berkecibak** bergerak pantas (ikan) di permukaan air dgn bunyi  
*kecibak: sekali-sekala ~ ikan haruan bermain di permukaan air.*

**kecibeling** **1.** sj tumbuhan (pokok), *Desmodium gangeticum*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Ruella naflera*.

**kecicak; berkecicak** dipijak-pijak; *tanah yg ~ tanah yg dipijak-pijak.*

**kecik** bp kecil.

**kecil** **1.** tidak besar atau kurang besarnya drpd yg biasanya (seharusnya, selalunya, dsb): *seorang yg berbadan ~; rumah ~; kereta ~; almari ~; mangkuk ~; 2. tidak lebar, tidak luas: jalan ~; bilik ~; kawasan (daerah) ~; 3. masih rendah umurnya (masih kanak-kanak): budak yg masih ~ itu janganlah dipukul; 4. tidak besar modalnya atau urusan perniagaannya (perusahaannya dsb): pedagang ~; perniagaan ~; perusahaan ~; 5. tidak banyak (jumlahnya dll), sedikit: sebilangan ~ sahaja pelajar yg memilih kursus tersebut; perbezaan ~; perbelanjaan ~; 6. tidak penting (mustahak): perkara-*

*perkara ~ tidak dibincangkan dlm mesyuarat itu; 7. tidak melibatkan banyak orang (pihak dsb) atau menimbulkan kesan yg sangat buruk (bkn pertengkaran, pergaduhan, perselisihan, dsb); 8. tidak rumit, tidak sukar diatasi: ada beberapa masalah dan rintangan ~ yg perlu diselesaikan dulu; 9. tidak tinggi (pangkat, taraf, kedudukan); orang ~ orang bawahan, orang kebanyakan; 10. tidak kuat, halus: ketawa ~; suara ~;*

*~ jangan (tak boleh) disangka anak, besar jangan (tak boleh) disangka bapa prb pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pd orang-orang tua sahaja (selalu juga ada pd orang-orang muda); ~ teranja-anja, besar terbawa-bawa, sudah tua terubah tidak prb kebiasaan semasa kecil menjadi tabiat yg sukar diubah apabila telah dewasa;*

**sekecil-kecil(nya)** paling kecil: *agar dosanya dari yg sebesar-besarnya hingga kpd yg ~ diampunkan Allah;*

**berkecil-kecil** tidak secara besar-besaran, (dgn) sedikit demi sedikit, kecil-kecilan: *mereka berniaga ~;*

**berkecil-kecilan** **1.** berlumba (berebut) mana yg kecil; **2.** bergaul ketika masih kecil; **3.** berkecil-kecil;

**mengecil** menjadi kecil: *api pelita akan ~ apabila sumbu pelita dimasukkan sedikit ke dlm; alam fikirannya semakin ~;*

**kecil-mengecil** **1.** hina-menghina, rendah-merendahkan; **2.** kecil-kecil; *benda ~ benda yg kecil-kecil;*

**mengecilkan** **1.** menjadikan kecil, menjadikan tidak atau kurang besar (lebar, luas, dsb): *kita boleh ~ api dapur ini dgn serta-merta; ~ perbelanjaan mengurangkan perbelanjaan; 2. = mengecil-ngecilkan memandang atau mengangap kecil (tidak penting, tidak berharga,*

dll), merendahkan, menghinakan, mengabaikan: *surat kawannya yg mengecil-ngecilkan dirinya menjadi punca kemarahannya;*

**memperkecil 1.** menjadikan makin atau bertambah kecil, makin mengecilkan; **2.** = **memperkecil-kecil** menganggap tidak penting dsb, mengecil(-ngecil)kan: *peranan akhbar-akhbar dan majalah-majalah tidak dapat diperkecil;*

**kecilan** Jk **1.** lebih kecil; **2.** tidak penting atau mustahak: *perbuatan ~ yg melanggar peraturan protokol;*

**kecil-kecilan** berkecil-kecil, tidak secara besar-besaran, sedikit-sedikit: *memulakan perusahaan secara ~; dia baru hendak mengenal politik secara ~; serangan ~;*

**kekecilan 1.** keadaan tidak besar (saiznya, luasnya, dsb, bilangan atau jumlahnya dll); **2.** keadaan tidak penting (bkn kedudukan dll): *semakin terasa ~ dan kelemahan dirinya sbg hamba Tuhan; 3.* Jk terlalu kecil;

**pengecilan** perihal (perbuatan dsb) mengecilkan: *pengurangan perbelanjaan awam akan melibatkan ~ peruntukan tersebut;*

**pengecil;** kata ~ Id bentuk kata yg menyatakan kecil.

**kecil hati 1.** tersinggung perasaan, marah sedikit; **2.** tawar hati;

**berkecil hati 1.** berasa tersinggung perasaan (agak marah); **2.** tawar hati;

**mengecilkan hati** menyebabkan (berasa) kecil hati, menyinggung perasaan: *sbg anak, kita janganlah sekali-kali ~ orang tua kita;*

**kekecilan hati 1.** tersinggungnya perasaan, perasaan kecil hati; **2.** hilang keberaniannya, ketakutan.

**kecimpung** bunyi air ditepuk(-tepuk), ketimbang, ketimpung;

**berkecimpung** 1. bermain dlm air sambil menepuk-nepuknya (hingga berbunyi); 2. menceburkan diri dlm sesuatu pergerakan (kegiatan dll), giat bergerak dlm sesuatu lapangan (usaha dll): *sudah lama beliau ~ dlm lapangan drama dan persuratan;*

**perkecimpungan** perihal berkecimpung (dlm sesuatu kegiatan dll): *seharusnya ~ mereka yg telah lama dlm bidang penulisan itu akan dapat membantu mereka utk menguasai gaya bahasa itu dgn baik.*

**kecimus** Mn cemuhan (ejekan) dgn mencebikkan bibir;

**mengecimus** mencemuh (mengejek, menghina) dgn mencebikkan bibir.

**kecindan** Mn gurau senda, jenaka, kelakar; *mulut manis ~ murah* pandai mengambil hati orang;

**berkecindan** bergurau senda, berjenaka, berkelakar, berlawak.

**kecipak** bunyi spt bunyi air ditepuk-tepuk;

**berkecipak, berkecipak-kecipak** berbunyi spt bunyi air yg ditepuk-tepuk: *sampannya beroleng-oleng ~.*

**kecipuk** bunyi spt bunyi air yg ditepuk-tepuk, kecipak.

**kecipung** □□**kecimpung.**

**keciut** bunyi berdesing (spt bunyi peluru yg ditembakkan).

**kecoak** Jk lipas; **kecuak.**

**kecoh** (kécoh) I tipu (spt curang dlm mengukur atau menimbang barang, menipu tentang mutu barang dll): *dlm perdagangan, banyak ~;*

**mengecoh** menipu (dgn kecurangan-kecurangan), memperdayakan: *saudagar-saudagar selalu hendak ~ mereka;*

**terkecoh** tertipu, terpedaya;

**pengecohan** penipuan: *~ berlaku dr segi timbang dan harga pasaran yg ditetapkan lebih rendah drpd yg sepatutnya;*

**pengecoh** penipu.

**kecoh** (kécoh) II heboh, bising, riuh: *kedengaran sesuatu yg ~, terdengar suara yg keras dan garang;*

**mengecoh, mengecohkan** 1. membuat heboh (bising dll), meriuhkan; 2. mengacaukan, merumitkan: *semua itu benar-benar mengecohkan fikirannya;*

**kekecohan** perihal kecoh (heboh, bising), keriuhan: *Nahidah tidak mahu ~ berlaku.*

**kecok** (kécok) Kl, Tr pincang (ketika berjalan), tempang (kerana cedera kakinya dll).

**kecong** (kécong) Mn tipu, perdaya; *~-kecoh bertimbang ciak* prb setiap dakwaan hendaklah didasarkan pd bukti-bukti yg cukup;

**mengecong** menipu, memperdaya.

**kecor** (kécor) Kl riuh, heboh.

**kecu** (kécu) Jw penyamun, perompak;

**mengecu** menyamun, merompak.

**kecuak** Jk lipas; □ □ □ **kecoak**.

**kecuali** 1. melainkan, selain, lain drpd: *aku tidak pernah berkenalan dgn orang Jepun ~ En. Ogawa;* 2. yg menyimpang drpd kebiasaan, yg tidak dikenakan sesuatu peraturan, kekecualian;

**berkecuali** 1. ada kecualinya; 2. tidak berpihak kpd (bersekutu dgn) mana-mana pihak, berdiri sama tengah; *negara-negara ~ negara-negara* yg tidak bersekutu dgn atau berpihak kpd negara-negara blok Barat ataupun blok komunis;

**mengecuali** melanggar aturan (hukum), tidak mengikut kebiasaan;

**mengecualikan** membebaskan (drpd penguatkuasaan sesuatu undang-undang, peraturan, dsb), mengeluarkan (mengetepikan) drpd

sesuatu ketentuan atau keputusan: *mereka meminta diadakan peraturan-peraturan khas bagi ~ mayat-mayat orang Islam yg mati akibat kemalangan drpd dibedah;*

**terkecuali 1.** terbebas (drpd kebiasaan, peraturan, dll), dikecualikan: *ia ingin melihat ~nya sekolah-sekolah dan universiti drpd digunakan utk tujuan-tujuan politik;* **2.** kecuai, melainkan: *~ di beberapa tempat, lawatannya mendapat sambutan meriah;*

**kekecualian, kecuaiian** sesuatu yg menyimpang (berlainan, terasing) drpd yg umum dll, sesuatu yg dibebaskan (terkeluar, terasing) drpd sesuatu peraturan (ketentuan dsb);

**perkecualian 1.** perihal berkecuali (ada kecuainya); **2.** kedudukan (dasar, sikap) tidak berpihak kpd mana-mana pihak: *negara-negara yg bersidang di Geneva telah menjamin ~ dan kemerdekaan Indo-China;*

**pengecualian 1.** perihal mengasingkan atau mengeluarkan dr kebiasaan (sesuatu peraturan dll); **2.** perihal menjadikan tidak berpihak kpd atau menyebelahi (sesuatu pihak, blok, dsb): *satu persidangan negara-negara utk membincangkan ~ Indo-China telah diadakan.*

**kecubung I 1.** sj tumbuhan (pokok renek, yg bijinya memabukkan), *Datura metel;* **2.** = ~ hitam (putih) sj tumbuhan (herba), *Datura metel (fastuosa);*

~ hutan (rimba) sj tumbuhan (pokok renek), jambul siul, kayu tabat, kemantan, kematan, pisang hutan kecil, *Randia macrophylla;* ~ paya sj tumbuhan (pokok renek), jambu air, jenjarum, kepayang air, *Gardenia tentaculata;* akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar batu, akar perut gagak (kerbau betina), *Byttneria maingayi;* batu ~ sj

batu permata yg berwarna spt bunga kecubung; ~ *berulam ganja* prb sama-sama jahat;

**berkecubung** berbentuk spt bunga kecubung (spt corong atau trompet); *mulut* ~ a) mulut (pemuras) yg berbentuk spt trompet; b) manis mulutnya (sangat lemah lembut percakapannya).

**kecubung II** Kl, Tr bengkak.

**kecuh**; ~-*kecah* sangat sibuk (ketika melakukan sesuatu), terburu-buru, tergesa-gesa, terkocoh-kocoh; *dgn se~ dgn seketika* sahaja.

**keculun** sj tumbuhan (pokok), *Clerodendron disparifolium*.

**kecumik**; **berkecumik** komat-kamit.

**kecundang I** = **terkecundang** gagal, kalah, tewas (dlm pertarungan, perlawanan), gagal: *sekali ini aku terkecundang betul-betul; konsep MAPHILINDO yg menggabungkan tiga negara itu telah ~ akibat politik semasa*;

**kekecundangan** keadaan kecundang: *semoga hari-hari esok yg bakal kulalui dapat menebus ketewasan dan ~ hari ini*.

**kecundang II** Mn hasutan; □□□**cundang II**.

**kecung**; **I mengecung** menggaul atau mengocok (daun pakau): ~ *dan kemudian membahagi-bahagikan daun pakau*.

**kecung II** Kd sj bakul yg digunakan utk mengisi emping padi.

**kecup** = **kecupan** ciuman dgn melekatkan bibir;

**mengecup** mencium dgn melekatkan bibir pd sesuatu;

**mengecupi** mengecup berulang kali atau utk beberapa ketika: *maka Tun Tuah pun tersenyum-senyum seraya dikecupinya akan pustakanya itu*; □□□**kucup**.

**kecur I** keluar air liur (kerana mengingini sesuatu makanan dll): *melihat gulai dan panggang di atas dapur, ~ liur anak itu*.

**kecur II 1.** penopang yg tergantung (tempat penebang kayu duduk bekerja); **2.** buyung yg bermulut kecil.

**kecut I 1.** kering dan berkedut (bkn kulit tubuh, buah, dll), kisut, lisut (kulit tubuh), kempis (bisul): *buah yg ~ dan hampir busuk; bunga yg ~; ia kelihatan masih muda, belum begitu ternampak kedut dan ~nya*; **2.** berkerut; *~-berut* Kl, Tr terlampau kecut (sayur, kulit tubuh, dll); **3.** = *~ hati* ki takut, gentar, gerun: *ia gementar, ~ hatinya bukan main; ~ perut* ki (berasa) sangat takut, ngeri, gerun;

**mengecut** menjadi kecut (kisut, lisut), mengedut, mengecil: *kain itu ~ setelah dibasuh*;

**mengecutkan 1.** menyebabkan kecut (kisut, lisut), mengedutkan, mengerutkan: *ubat ini boleh ~ bisul dgn segera*; **2.** = *~ hati* menakutkan, menggentarkan, menggerunkan, mengerikan: *di sana kami mendengar berita-berita yg ~; kejadian-kejadian ngeri yg ~ hati*;

**kekecutan** perihal kecut;

**pengecutan** perihal atau perbuatan mengecut(kan): *~ otot rambut membuat rambut berdiri lebih tegak*;

**pengecut** orang yg tidak berani melakukan atau menghadapi sesuatu situasi (tugas dsb), penakut: *yg ~ sudah lama lari; ~-~ yg tak boleh diharap*.

**kecut II; berkecut-kecut** mengeluarkan bunyi spt bunyi roda yg tidak lancar putarannya (kerana kekurangan minyak).

**kecut III** Jk masam.

**kedabu** sj tumbuhan (pokok), *Sonneratia ovata*.

**kedada**; *~ bukit* sj tumbuhan (pokok), berombong hutan, kendada, *Duabanga sonneratioides*.



**kedadah** □ kedadak (sj penyakit), taun, cika.

**kedadak I** penyakit yg menyebabkan selalu buang-buang air dan muntah-muntah, penyakit taun, cika.

**kedadak II**; *pekak* ~ sangat pekak.

**kedah I** terbuka lebar (mulut), ternganga (mulut), terkangkang (kaki); *mangkuk* ~ mangkuk yg bermulut lebar dan bertutup.

**Kedah II** negeri di barat daya Semenanjung, keluasan 9479 km<sup>2</sup>, Alor Setar sbg ibu negeri.

**kedai** bangunan tempat menjual barang-barang, gerai, toko; *rumah* ~ bangunan tempat tinggal dan juga berniaga;

~ *bar* kedai tempat menjual minuman keras; ~ *kopi* kedai tempat menjual minuman dan kuih-muih; ~ *lesen* gerai tempat menjual makanan dan minuman; ~ *makan* kedai tempat menjual makanan (nasi dll); ~ *minyak* kedai tempat menjual minyak petrol; ~ *pajak* pajak gadai; ~ *runcit* kedai yg menjual barang-barang sedikit-sedikit kpd pengguna; ~ *serbaneka* kedai yg menjual aneka jenis barang; ~ *urup-urup* tempat menukar wang;

**berkedai 1.** membeli-belah di kedai; **2.** mempunyai kedai, berniaga di kedai, membuka kedai: *tidak banyak orang Melayu yg ~ di sana*; ~ *kopi* menjual minuman dan kuih-kuih di kedai;

**mengedaikan** menunjukkan (mempamerkan) barang-barang dagangan: *di pasar telah disediakan tempat ~ barang-barang itu*;

**terkedai** telah dikedaikan, telah dipamerkan (bkn barang-barang dagangan dll): *barang lukisan dan ukiran, sekaliannya ~ dgn permainnya*;

**kedai** 1. tempat berkedai; 2. almari dll tempat mempamerkan barang-barang dagangan: *mereka melihat-lihat barang-barang yg tersusun dgn baik dlm tiap-tiap ~*;

**perkedai** 1. perihal berkedai; 2. tempat berkedai, 3. sj tempat di kedai utk mempamerkan barang-barang dagangan; 4. barang yg dikedai (dipamerkan);

**pekedai** penjual di kedai, orang yg berkedai; ~ *kecil* pekedai yg berniaga secara kecil-kecilan.

**kedak**; *lintang-~*; □□□**lintang**.

**kedal** 1. sj penyakit kulit (yg membuat kulit bertelau-telau atau berbelang-belang); 2. bertelau-telau (berbelang-belang) putih pd kulit: *Raja China pun sakit, lalu ~ semuanya tubuh baginda*;

~ *anjing* telau (belang-belang) kecil pd kulit (kerana penyakit kusta);

~ *gajah* kedal yg menimbulkan telau (belang-belang) besar; ~ *tulah*

sl kedal yg menghinggapi seseorang kerana kedaulatan raja: *telah pagi hari dilihatnya puteri itu ~ itulah sebab dijamah baginda itu*;

*menggetil puncak ~ orang* prb menyakiti hati orang dgn sindiran atau perbuatan;

**berkedal** Mn dihinggapi penyakit kedal, bertelau-telau; *muka licin, ekor ~* prb a) baik pd lahirnya sahaja (tidak pd batinnya); b) pd lahirnya hidup mewah tetapi sebenarnya banyak hutang.

**kedaluwarsa** sudah tiba waktunya (utk membuat tuntutan dll), habis tempoh.

**kedamba** 1. sj tumbuhan (pokok), kedumba, mengkal, sebuta, *Nauclea subdita*; 2. sj tumbuhan (pokok memanjat), *Rhynchodia rhynchosperma*.

**kedampang** sj tumbuhan (pokok), rongga jantan, *Sterculia parviflora*.

**kedana** papa, miskin: *kerana kegagalan perniagaannya, dia jatuh ~.*

**kedang I** terentang, terhulur lurus (tangan dll);

**mengedangkan** menghulurkan (tangan dll) lurus-lurus, mengejangkan (tangan dll), meluruskan (tangan dll): *maka tangan kanan dikedangkannya serta menyembah;*

**terkedang** terbaring mengunjur, terkejut: *Tuk Wan ~ di atas tilam buruk dlm bilik di anjung dapur; gedang II.*

**kedang II** Mn; **mengedang** membuang air nasi supaya cepat masak (atau tidak terlalu lembik).

**kedanga;** ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), *Horsfieldia globularia*.

**kedangkai** sj tumbuhan.

**kedangkang** lingkungan besi yg melindungi pemantik senapang.

**kedangsa;** *limau* ~ sj limau (kulitnya hijau), *Citrus medica*.

**kedangsangan** Jk bersusah payah membuat sesuatu, melakukan sesuatu dgn penuh daya upaya.

**kedap I** 1. sangat rapat (bkn anyaman, tenunan, dll); 2. tertutup rapat (hingga tidak dapat dimasuki air, gas, dll): ~ *air*; ~ *cahaya*; ~ *gas* (*udara*).

**kedap II** Kd pokok padi yg telah dituai, diikat dan dikumpulkan utk dibanting.

**kedarah** = *muntah* ~ bk makan.

**kedari** labi-labi.

**kedasih** Jk sj burung kecil.

**kedau** ark; **mengedau** memekik (meminta tolong dll).

**kedaung** sj tumbuhan (pokok), beka, bereksa, boli, gedayang, gedayung, tulus, *Parkia javanica*.

**kedayan I** sl pengiring, hamba: *Adipati dan segala ~nya berjalan di hadapan Raden Wira Nantaja.*

**Kedayan II** suku kaum peribumi di Sabah, Sarawak dan Brunei, yg termasuk dlm kumpulan Orang Ulu, yg tinggal di pedalaman, kuat berpegang pd adat, spt mencacah badan dgn berbagai-bagai bentuk gambar, menindik cuping telinga dan memakai gelang timah atau tembaga yg agak berat sejak dr kecil lagi.

**kededek** (kedédék) = **berkededek** K1 berlebihan (kerana tidak habis dimakan atau dijual): *makanan dan gulai di rumahnya ~.*

**kedek** (kédék); **kedek-kedek** = **terkedek-kedek**;

**mengedek-ngedek** menggoyang-goyangkan tubuh ketika berjalan (spt itik);

**terkedek-kedek** (berjalan atau berlari) tergoyang-goyang (spt itik): *anak itu menggelengkan kepalanya sungguh-sungguh dan cepat-cepat lari ~.*

**kedekai, kedekak, kedeki, kedekik** sj tumbuhan (pokok dan buahnya dibuat ubat), *Terminalia chebula.*

**kedeking** terlalu keras (kuih dll).

**kedekut** sangat berkira-kira hendak membelanjakan wang, bakhil, kikir, lokek, pelit: *~ benar ayahnya, tidak mudah memberinya wang.*

**kedelai 1.** = kacang ~ sj kacang (bijinya dibuat tempe atau kicap), kacang soya, *Glycine max*; **2.** sj tumbuhan (pokok), jelai, *Alphania paucijuga.*

**kedelam**□□□**kemendelam.**

**kedeli**□□□**kedelai.**

**kedemah**; *pokok* ~ sj tumbuhan (herba), rumput lumur, seketan, *Ophiorrhiza singaporensis.*

**kedemat** ark khidmat.

**kedemi** sj ikan laut, gedemi, *Remora spp.*.

**kedempung I** bunyi sesuatu yg jatuh ke dlm air.

**kedempung II** rosak kerana dimakan ulat (bkn buah-buahan); *spt (laksana) buah ~, di luar berisi di dlm kosong prb orang yg bongkak (cakapnya besar tetapi tidak berisi).*

**kedemut**; *ikan ~ sj ikan laut, Caranx spp.*

**kedengkang** bunyi spt bunyi tong atau besi dipukul.

**kedengkik** kurus kering, terlalu kurus.

**kedengking** bunyi denting, kerenting, lenting.

**kedengkung** □ □ □ **kedengkang**.

**kedenuk** sj tumbuhan (pokok), jangkang paya, medang gambung, mengambung, merambung bukit, temengau, *Veronica javanica*.

**kedepung** □ **kedempung II**.

**kedér** (kedér) Jk gentar, takut.

**kedér** (kédér) Jk tidak tahu arah, bingung (spt orang sesat jalan).

**kedera** sj ikan laut, *Valamugil annesuis*.

**kedera** (kedéra) kerusi (tempat duduk pd usungan), kerusi tandu;

**berkedera** menaiki (memakai) kedera, diusung di atas kedera.

**kederang 1.** sj tumbuhan (pokok berduri yg akarnya dibuat pencilup), *Cudrania javanensis*; **2.** sj tumbuhan (pokok), sepang air, *Hymenocardia wallichii*.

**kedewas** (kedéwas) = *bawal* ~ sj ikan laut, *Stromateus nigra*.

**kedī 1.** orang yg spt laki-laki atau perempuan tetapi tidak sempurna sifat kelaki-lakian atau keperempuanannya, banci, pondan, papak; **2.** perempuan yg tidak datang haid sama sekali.

**ked** (kédi) orang yg membawa kayu golf dan peralatan lain utk pemain golf.

**kedian** bp kemudian.

**kedidi** sj burung, kepala besar, kepala rapang;

~ *besar* sj burung, *Pluvialis squatarola*; ~ *kelicap* = ~ *pasir*, sj burung, *Actitis hypoleucos*; ~ *padang* sj burung, *Glareola pranticola*; ~ *pantai* sj burung, kaki dian, *Charadrius alexandrinus*; *laksana* ~, *di mana pantai terjengget-jengget (tercunggit-cunggit)* prb orang yg sentiasa tidak tetap kelakuannya;

**berkedidi** = **bersikedidi** berjalan terjongket-jongket (terlompat-lompat); **kudidi**.

**kedih** tidak besar-besar atau lambat sungguh besarnya (bkn orang, tumbuhan, dll), terbantut, tergecat;

**mengedih** menjadi kurang (penyakit), beransur pulih.

**kedik** lentik sedikit ke belakang (bkn bahu, badan) lwn bongkok;

**mengedik** melentik sedikit ke belakang (bkn bahu, badan);

**mengedikkan** melentikkan (badan) ke belakang;

**terkedik** terlentik sedikit ke belakang (bkn badan, bahu).

**kedikit** ark kedekut.

**kedip** kelip (bkn mata, lampu, dll), kedipan;

**berkedip, terkedip** tertutup seketika (sesaat) sebelum terbuka semula (bkn mata), berkelip, terkelip; *tidak* ~ (agak lama) tidak tertutup walau sesaat pun (bkn mata);

**berkedip-kedip, terkedip-kedip** seketika terbuka seketika tertutup (bkn mata), pejam celik dgn pantas (bkn mata), seketika terbuka (terang) seketika padam (bkn lampu), berkelip-kelip, terkelip-kelip: *matanya* ~ *apabila disinari cahaya dr lampu suluh itu; lampu-lampu*

*yg menghiasi kedai itu ~; tidak ~ terbuka sahaja agak lama (bkn mata);*

**mengedipkan** menutup (mata) seketika (dan membukanya semula), mengelipkan, mengejapkan (mata);

**kedipan** perihal berkedip (mata, lampu), kelipan (mata dll): *pondok kecil itu samar-samar juga menerima cahaya drpd ~ lemah pelita itu; kecip.*

**kedira** □□**kedera**

**kediri** sendiri; **kendiri**.

**kedit**□□□**kendit**.

**kediti**□□□**keliti**.

**kedok** Id **1.** penutup muka (utk menyembunyikan muka atau menyamar),

topeng; *~ gas* penutup muka utk melindungi muka drpd gas racun; **2.**

ki sesuatu yg dipergunakan utk menyembunyikan perkara (tujuan dll) yg sebenar: *sambil memakai ~ sosialis, mereka memeras rakyat;*

**berkedok 1.** memakai kedok (topeng), bertopeng: *tidak dapat ia camkan muka perompak-perompak itu kerana mereka ~;* **2.**

mempergunakan atau membuat sesuatu utk menyembunyikan tujuan (hal dll) yg sebenar, berselindung (di sebalik sesuatu), menyamar

(dgn memperalatkan sesuatu): *harus kitab-kitab itu lebih baik drpd segala apa yg pernah ditulis oleh musuh-musuh Islam yg ~*

*pengetahuan itu;*

**memperkedok** memakai atau menggunakan sesuatu sbg kedok (utk menyembunyikan muka, tujuan, muslihat, dsb), mempertopeng.

**kedombak I** sj tumbuhan (pokok).

**kedombak II** sj ikan laut.

**kedondong I** sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Canarium spp.;*

~ *bahu* = ~ *bulan* = ~ *hutan* = ~ *kerut* sj tumbuhan (pokok), kenari hutan, *Canarium nitidum*; ~ *kerut* = ~ *matahari* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), campa biru, gigi buntal, mesiput, *Canarium kadondon*; ~ *matahari* sj tumbuhan (pokok), babi kurus, beberas, beras-beras, kasi kempas roman, kijai, pauh kijang, *Trigonochlamys griffithii*; *amra (jangan) disangka* ~ prb sesuatu yg menyerupai yg buruk itu jangan disangka buruk.

**kedondong II** sj ikan laut, bulus-bulus, *Sillago spp.*

**kedongkok** gelang-gelang berukir di antara hulu dgn bilah keris; □ □ □ **pendongkok.**

**kedorong** Jk terlanjur, terlepas (perkataan dll), terdorong (perbuatan dll).

**kedu; terkedu** lentik ke belakang tubuhnya (kerana sakit pinggang dll), terkedik.

**kedubang** sj pedang pendek; □ □ □ **gedubang.**

**keduduk I; mengeduduki** menduduki, mendiami; □ □ □ **duduk I.**

**keduduk II** sj tumbuhan (pokok renek), kenduduk, seduduk, sekeduduk, senduduk, *Melastoma malabathricum*;

~ *gajah*, ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), kerakap rimau, lidah buaya, pakan rimba, senduduk gajah, senduduk hutan, tengkuk biawak, *Allomorpha malaccensis (exigua)*; ~ *gajah batu* sj tumbuhan (pokok renek), puding (senduduk) hutan, *Allomorpha alata*.

**keduk** Jw; **mengeduk 1.** mengorek, menggali; **2.** ki menghimpunkan (mengumpulkan) wang, mengambil untung, dll.

**kedul** sj bola yg dibuat drpd kayu (gading atau tanduk).

**kedumba** □ □ □ **kedamba.**



**kedunak** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar gintik, akar tawan hitam, akar tentawan, *Meladorum pisocarpum*.

**kedung** Jk lubuk.

**kedut I** kerut (pd kulit dll), renyuk-renyuk (pd kain, kertas, dll), ropol (pd kain);

**berkedut** berlipat-lipat (tidak rata atau licin), berkerut (kulit dll), renyuk (kertas dll), beropol-ropol (kain): *seorang tua yg putih rambutnya dan sangat ~ kulitnya menghampirinya; dipakainya juga bajunya yg lusuh dan ~ itu;*

**mengedut** menjadi berkedut (berkerut, berlipat-lipat, beropol-ropol);

**mengedutkan** menjadikan berkedut atau berlipat-lipat (kulit dll), mengerutkan (kulit dll), meropolkan (kain dll): *ia duduk termenung, sambil ~ dahinya memikirkan perkara tersebut;*

**kedutan** lipat-lipatan (pd kulit, kain, dll), renyuk-renyuk (pd kertas dll): *jahitan pd ~ kain itu hendaklah teguh.*

**kedut II** ark; **mengedut** merentap, meragut, merampas, merebut.

**kedut III** Jw ark getaran atau denyutan urat (dipercayai mengalamatkan sesuatu).

**keembung** sj tumbuhan (pokok), *Impatiens balsamina*.

**kehek** (kéhék) Kl, Tr mengeluarkan (makanan dll) dr dlm mulut, meluahkan.

**kehel** (kéhél); **terkehel 1.** terpelecok (kaki, tangan, dll), tergeliat (tulang anggota); **2.** terpesong atau terbabas (dr haluan perjalanan atau pelayaran), menyimpang (dr hala yg dituju).

**keher** (kéhér) Kl perlahan-lahan: *berjalan ~~~.*

**kei** (kéi) alat menenun kain; □□**kek II.**

**kejai** = *pohon* ~ pokok getah; *getah* ~ sj getah; ~ *berlapis* Mn sangat kedekut (bakhil);

**berkejai** menggeliat sambil mengejang-ngejangkan anggota;

**mengejai** mengejangkan (anggota), meregangkan (kaki dll).

**kejal** keras (daging dll), pejal.

**kejam I** tertutup (mata) hingga tidak dapat melihat, pejam; ~ *celik* seketika terbuka seketika tertutup (bkn mata), seketika terang seketika padam (bkn lampu): *matanya* ~ *celik*; *lampu neon yg* ~ *celik menerangi jalan itu*;

**mengejamkan** memejamkan (mata): *beberapa ketika sesudah ia* ~ *matanya, ia pun tertidurlah*.

**kejam II 1.** tidak berperikemanusiaan, tidak mempunyai (menunjukkan) belas kasihan sama sekali, bengis, ganas, zalim: *berlaku* ~; *ayah dan ibunya dibunuh oleh pegganas-peggnas secara* ~; *hukuman yg* ~; **2.** sangat kedekut atau bakhil, tidak mudah berbelanja;

**mengejami 1.** membuat (melakukan) sesuatu dgn kejam (tiada belas kasihan), berbuat kejam drpd; **2.** berlaku keras kpd;

**kekejaman** perihal (perbuatan, sifat) kejam, kebengisan, keganasan, kezaliman: *lebih baik mati di medan perjuangan drpd hidup menderita* ~ *musuh*.

**kejam III;** ~ *penggeli* sj tumbuhan (pokok), *Canarium grandiflorum*.

**kejamas** pencuci rambut, langir.

**kejan;** **mengejan 1.** mendesak, mendera, menggesa; **2.** meneran; □□□ **ejan I.**

**kejang** kaku (anggota dll), kejur, tegang (urat dll): *mayat Bakri terbaring di situ* ~ *pucat*; ~ *mulut* mulut terkancing atau tertutup rapat; *mati* ~ *mati kaku* (binatang yg mati tidak dgn disembelih);

**berkejang, berkejang-kejang** melunjurkan keras-keras (tegang-tegang), meregangregangkan (kaki);

**mengejang** menjadi kejang: *dia mengurut-urut perutnya melawan rasa sakit yg ~ itu;*

**mengejangkan** meluruskan (kaki) keras-keras (hingga menjadi kaku): *dia ~ urat sarafnya;*

**terkejang-kejang** menjadi kejang dgn tiba-tiba dan berkali-kali;

**kekejangan 1.** = **kejangan** sj penyakit pd kaki (menyebabkan urat betis terasa spt ditarik-tarik), sakit ular-ularan: *~ otot di bahagian betisnya mengakibatkan rasa sakit;* **2.** keadaan kejang (kaku), kekakuan.

**kejab I 1.** kelip, kedip (mata); *~ mata kelip mata;* **2.** = **sekejab** sebentar, seketika: *~ lagi baliklah dia; tunggu ~ nanti sebentar;*

**berkejab-kejab** berkelip-kelip, berkedip-kedip (bkn mata dll);

**mengejapkan** mengelipkan, mengedipkan (mata): *ia merenung tajam, matanya tidak sedikit pun dikejapkannya;*

**terkejab-kejab** terkelip-kelip, terkedip-kedip (bkn mata dll): *kelihatan api pelita ~ di serambi rumah;*

**kejapan** gerakan mengejapkan (mata).

**kejab II** tidak mudah tercabut (terurai dll), ketat, teguh: *sebilah keris terselit ~ di pinggangnya; tayar itu dipasangkan ~-~ pd roda;*

**mengejab** memadat: *tanah yg ~ dihakis oleh udara kering;*

**mengejapkan** meneguhkan atau mengetatkan ikatan dsb: *Tuk ~ kain di pinggang.*

**kejar** hambat, buru; *main ~-~ main hambat-menghambat* (sj permainan kanak-kanak);

**berkejar** pergi dgn terburu-buru (ke sesuatu tempat), meluru (ke sesuatu tempat), berlari cepat (utk mendapatkan seseorang): *dua buah kereta bomba telah ~ ke tempat kebakaran itu;*

**berkejaran, berkejar-kejaran** berlari beramai-ramai (banyak-banyak), berlari hambat-menghambat (buru-memburu): *dua tiga ekor ayam ~ apabila Majid menaburkan padi; beberapa orang kanak-kanak riuh berkejar-kejaran di halaman rumah;*

**mengejar 1.** berlari dll utk mengikuti (mendapatkan, menangkap) seseorang atau sesuatu, memburu, menghambat: *polis sedang ~ penyamun-penyamun yg melarikan diri itu; 2.* ki sangat kuat menginginkan, bersungguh-sungguh dan bersusah payah hendak memperoleh (mencapai): *dia sekarang ~ wang; ~ kehormatan; ~ pangkat; putih dikejar, hitam tak dapat = yg dikandung (dikendong) berciciran, yg dikejar tiada dapat prb keuntungan dll yg diharapkan tidak diperoleh sedangkan keuntungan dll yg di dlm tangan habis hilang;*

**mengejarkan 1.** menghantar atau membawa dgn seberapa segera (dgn terburu-buru): *dia telah dikejarkan ke rumah sakit dlm keadaan luka parah; 2.* membuat supaya mengejar (seseorang atau sesuatu);

**terkejar** dapat mengikuti atau menghampiri (seseorang atau sesuatu yg lari dll), terhambat, tersusul; *tidak ~ tidak terikut (tersusul);*

**terkejar-kejar** terlari-lari, terburu-buru, tergesa-gesa: *pemuda itu datang ~ hendak menari dgn Jasmah;*

**kejaran** perihal berkejar, gerakan mengejar, hambatan: *lari dr ~ musuh; seorang puteri telah dirampas dan dibawa lari, satu ~ berlangsung;*

**pengejaran** perihal (perbuatan) mengejar, pemburuan.

**kejat** 1. kejang, kaku, tegang (tubuh atau anggota); *mati* ~ mati kaku; 2. tidak mudah tercabut, ketat, kukuh, tegap, tidak goyah (bkn tiang yg terpacak); 3. padat dan rapat (tidak berlubang-lubang atau bercelah-celah), kedap;

**mengejatkan** membuat sesuatu menjadi kejat;

**pengejatan** perihal (perbuatan, proses) memejatkan sesuatu.

**kejeblos** Jk 1. terperosok (ke dlm lubang dll); 2. termasuk ke dlm perangkap, terjebak; □□□**jeblos**.

**kejen** (kején) Jk mata bajak.

**kejengkang** Jw jatuh terlentang; □□□**jengkang**.

**keji** sangat buruk (rendah), hina (bkn sifat, kelakuan, perbuatan, dll), amat tidak sopan (bkn kelakuan, perbuatan, dll): *kalau orang yg jahat mati ia akan meninggalkan nama yg ~; ia menyumpah-nyumpah sambil mengeluarkan kata-kata yg ~;*

**berkeji**; ~ diri merendahkan diri (sedia atau sudi mengerjakan sesuatu);

**mengeji** menghina, memandang rendah (pd): *Islam sangat ~ sifat dusta; membuat baik tiada dipuji, membuat jahat tiada dikeji* prb mementingkan diri sendiri semata-mata dan tidak menghiraukan orang lain;

**mengejikan** menimbulkan rasa keji: *perbuatannya itu sungguh ~;*

**memperkejikan** sl menganggap (memandang) keji, menghina, merendahkan, mencela (menista, mencaci, dll): *jangan kiranya fakir diperkejikan;*

**kekejian** sifat (perbuatan) yg keji, keburukan, kehinaan.

**kejip** □□□**kedip**, **keja** I.

**kejora;** *bintang* ~ planet yg nampak (terbit) pd waktu subuh, bintang barat, bintang timur, zuhrah.

**keju** (kéju) sj makanan yg dibuat drpd dadih susu; ~ *krim* keju lembut berwarna putih yg diperbuat drpd krim dan susu.

**kejuju; mengejuju** bergerak terus (ke atas, ke hadapan), menuju, menuju.

**kejur I** keras kaku, kejang (tubuh), tegak dan keras (rambut);

**terkejur** terlunjur dlm keadaan kejang atau kaku (spt mayat yg terbaring): *Pinang Peribut pun balik ke hujung balai ~ tiga hari tiga malam tidak bangun.*

**kejur II** sj ikan darat, tengas, *Acrossocheilus hexagonolepis*.

**kejut** kaku (anggota, urat) disebabkan terperanjat atau ketakutan;

**berkejut;** ~ *telinga* menegakkan telinga (spt kuda ketakutan);

**berkejukan** berlari-lari tidak berketentuan kerana terperanjat;

**mengejut** tidak semena-mena datangnya (berlakunya), dgn tiba-tiba (sekonyong-konyong), dgn tidak dijangka-jangka (disangka-sangka), mendadak: *beliau meletakkan jawatannya secara ~; lawatan ~ lawatan* yg tidak dijangka-jangka atau tidak dirancang terlebih dahulu;

**mengejut-ngejut 1.** tersentak-sentak, bergoncang-goncang (tubuh): *badannya kelihatan bergerak-gerak dan ~ sambil ia menangis; 2.* pendek-pendek keras dan putus-putus (bkn bunyi binatang, tangisan, dll): *sekali-sekala sedannya ~; sayup-sayup terdengar gonggongan anjing ~ dan memanjang-manjang;*

**mengejutkan 1.** = **mengejuti** menyedarkan dr tidur (khayalan, menungan, dll), membangkitkan (dr tidur): *bunyi suara budak-budak berkelahi di luar ~ Karim drpd tidurnya; akan hilang menungnya apabila dikejuti oleh Poniem bahawa nasi telah terhidang; 2.*

memeranjatkan, sangat menghairankan, mengagetkan, menyebabkan (orang) tersentak: *berita kematiannya sungguh ~ Bidin*; **3.** ki menyedarkan (supaya bertindak, maju, dll), membangkitkan semangat, memberangsangkan: *perubahan ini agaknya ~ mereka supaya mempunyai semangat berani dan berazam*;

**terkejut 1.** terperanjat, tersentak, kaget: *seluruh dunia ~ mendengar berita pembunuhan Presiden Kennedy*; *ia ~ ketika isterinya menepuk bahunya*; ~ *besar* sangat terkejut (terperanjat); **2.** terjaga (terbangun, tersedar) drpd tidur: *ketukan di pintu biliknya menyebabkan ia ~ drpd tidurnya*;

**kejutan** sesuatu yg mengejutkan (memeranjatkan), kesan (akibat) yg menyebabkan orang terkejut (terperanjat): *mengikut pandangan orang Eropah, Islam memberi ~ kpd mereka*; *sebelum majlis berakhir, pengerusi membuat satu ~ dgn mengumumkan hari perkahwinan Raja Muda*;

~ *budaya* akibat yg timbul apabila sesuatu kebudayaan atau anggota sesuatu kebudayaan secara tiba-tiba berhadapan dgn atau terdedah kpd unsur-unsur kebudayaan lain yg lebih tinggi tamadunya (biasanya menimbulkan perasaan tersisih, tidak dapat menyesuaikan diri dsb pd anggota kebudayaan yg lebih rendah tamadunya); ~ *elektrik* rasa sakit dan kontraksi otot secara tiba-tiba apabila terkena arus elektrik;

**kekejutan 1.** perihal terkejut (terperanjat); **2.** terkejut, terperanjat: *Tuan Lim ~, matanya hampir tersembul*;

**keterkejutan** keadaan atau perihal terkejut: *lelaki itu terbanting oleh ~ yg maha dahsyat*;

**pengejut** mudah terkejut (terperanjat).

**kek** (kék) **I** sj kuih yg dibuat drpd adonan tepung, mentega, gula, dll dan dibakar;

~ *buah kek* yg mengandungi campuran buah-buahan kering spt kismis, aprikot dsb; ~ *keju kek* yg diperbuat drpd keju krim, gula, telur dsb; ~ *lapis kek* yg terdiri drpd beberapa lapis yg berwarna-warni dan berempah.

**kek** (kék) **II** alat menenun kain; □□□ **akik II**.

**kek** (kék) **III** bp singkatan bagi kakek.

**kekabu** □sj tumbuhan (pokok) dlm famili Bombacaceae, kekabu hutan, kapuk dan tambaluang (Sabah), *Bombax spp.*

**kekacang I** famili tumbuhan yg bijinya terkandung dlm lenggai, legum; ~ *makanan ternak* kekacang yg dijadikan makanan binatang ternak.

**kekacang II** = *ikan* ~ sj ikan laut, kacang-kacang.

**kekah I** sj monyet yg hitam bulunya dan panjang tangannya, lotong ceneka, *Presbytis femoralis*; **kerakah II**.

**kekah II; mengekah** Kl, Tr menggigit (dgn membuka mulut lebar-lebar dan mengatupnya), mengerkah.

**kekah III; duduk** ~ Mn duduk dgn mengangkangkan kaki (tidak bersila rapat).

**kekah** (kékah) □□□ **akikah**.

**kekait; ~ merah** sj tumbuhan (pokok memanjat); □□□ **kait II**.

**kekaki 1.** alas atau tapak drpd konkrit dsb tempat berdirinya sesuatu, spt patung, tiang dsb; **2.** sesuatu yg menjadi penyangga atau penopang antara dua lapisan atau lebih benda, mis kek yg bertingkat-tingkat: *kek buah yg dibuat khas itu turut dihiasi tujuh ~ yg setiap satunya disaluti aising.*



**kekal** tetap ada berterusan (utk sepanjang masa), tidak hapus (luput, hilang, berubah, dsb), abadi: *berusaha utk mewujudkan keamanan yg ~; kasih yg tidak ~; iman yg sempurna dan pekerti yg baik itulah yg ~, disebut orang selama-lamanya; dunia (alam) yg ~ akhirat;*

*~ abadi kekal utk selama-lamanya; ~ karar kekal serta aman tenteram; tidak ~ bunga dikarang prb perihal kekayaan (kemuliaan, kasih) yg tidak lama wujudnya;*

**berkekalan** sentiasa ada atau berterusan (tidak hapus, hilang, berubah, dsb utk sepanjang masa atau lama sekali), berlanjutan (utk selama-lamanya): *Quran kemudian ditulis dlm bentuk sebuah kitab yg ~ hingga hari ini; oleh sebab keadaan darurat berlanjutan, ~lah perintah berkurung yg dikenakan itu;*

**berkekalkan** sl = **mengekalkan**;

**mengekalkan** menjadikan kekal, menjaga (memelihara, membiarkan) supaya berlanjutan (tidak hilang-hilang atau berubah-ubah dsb): *~ keamanan di dunia; ~ peraturan yg ada sekarang;*

**kekakalan** perihal kekal, keadaan yg tetap (tidak luput, berubah, dsb) selama-lamanya;

**pengekalan** perihal (usaha dsb) mengekalkan, pemeliharaan (supaya berterusan).

**kekalu** Ph sj makanan spt emping yg dibuat drpd padi muda.

**kekam** buih (sampah dll) yg hanyut atau terapung-apung dlm air; *mati ~ keadaan air ketika laut pasang atau paling surut, air (pasang) perbani; kekat.*

**kekandi** sl pundi-pundi, kantung; □ □ □ **kandi I.**

**kekang** = **kekangan 1.** besi bergerigi yg dikenakan pd mulut kuda (utk mengendalikannya), kendali; **2.** = *tali ~ tali drpd kulit dll utk*

mengendalikan kuda; **3.** ki sesuatu (spt undang-undang dll) yg digunakan utk mencegah keburukan (kejahatan dll), larangan: *terdapat ~ yg akan menimpa perkembangan bahasa; ~ yg mengikat mereka sudah tidak ada lagi;*

**mengekang 1.** menarik tali kekang (utk memberhentikan kuda); **2.** ki menyekat, menahan atau mencegah (hawa nafsu, kejahatan, dll), melarang, memberangus (surat khabar): *seakan-akan ada sesuatu kekuasaan yg ~ kebebasannya; ~ hawa nafsu; ~ kemerdekaan akhbar;*

**terkekang** dihentikan (kuda yg berlari), terkendali, tertahan, tercegah (kejahatan, hawa nafsu, dll);

**pengekangan** perihal atau perbuatan mengekang (hawa nafsu dll);

**kang II.**

**kekapol;** *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar serapat, akar sesapat, akar sedudu bukit, Hoya diversifolia.*

**kekapas I** sj burung, burung daun, *Chloropsis spp.*

**kekapas II** sj ikan laut, *Gerres spp.*; □ □ □ **kapas II.**

**kekapis** □ □ □ **kapis.**

**kekar I 1.** kembang, mekar (bunga); **2.** bercerai-cerai, berserak-serak, berpecah-pecah (tidak berlonggok atau berkumpul);

**mengekar** mekar, berkembang (bunga): *bunga sedang ~;*

**mengekarkan** memecahkan atau menceraikan (supaya tidak terkumpul lagi), menyelerakkan: *nasi yg berketul-ketul itu dikekarkannya dgn garpu.*

**kekar II** Jk padat dan rapi (bkn anyaman, tenunan), tegap dan kuat (bkn tubuh).

**kekara** kacang kara; □ □ □ **kara I.**

**kekaras I** karas-karas (sj kuih), karas.

**kekaras II** sj tumbuhan (pokok), karas.

**kekas I; mengekas** mengais (bkn ayam dll); □□□**kakas I.**

**kekas II** (Palembang) sekeping tanah yg diapit oleh ladang baru dan ladang yg sudah ditanami.

**kekat** ark buih (sampah dll) yg hanyut di air, kekam; *balik* ~ berubah arus, pasang menjadi surut; *mati* ~ keadaan air ketika paling pasang atau paling surut, air perbani; **kekam.**

**kekau** terjaga drpd tidur dgn tiba-tiba (kerana terkejut dll);

**terkekau-kekau** sekejap-kejap terkejut (terjaga) drpd tidur.

**kekawin** Jw□□□**kakawin.**

**kekeh** (kékéh); **terkekeh-kekeh** ketawa berdekah-dekah, tergelak-gelak, terbahak-bahak: *para hadirin ~ segirang hati; Udin ~ kesukaan;*

**kekehan** bunyi (suara) terkekeh-kekeh: *~nya memecah kesepian malam itu.*

**kekek** (kékék) **I; terkekek-kekek** tertawa nyaring, terkekeh-kekeh;

**mengekek, mengekek-ngekek** ketawa terkekek-kekek, menggelekek;

**kekekan** bunyi gelak ketawa yg berlebihan: *terdengar ~ ketawanya.*

**kekek** (kékék) **II; burung** ~ **1.** sj burung, pekaka, raja udang, *Halcyon chloris*; **2.** sj burung, burung gatal birah, burung kelengking, *Anthracoceros malayanus.*

**kekek** (kékék) **III** sj ikan laut, *Leiognathus spp.*; ~ *gedabang* sj ikan laut *Leiognathus equulus*; ~ *jalur* a) sj ikan laut, *Leiognathus daura*; b) sj ikan laut, *Secutor insidiator*; c) = ~ *jara* sj ikan laut, *Leiognathus daura*; ~ *labu* a) sj ikan laut, *Gazza minuta*; b) sj ikan laut, *Leiognathus splendens.*

**kekek** (kékek) IV = ~ *baju* bahagian ketiak baju kurung.

**kekel** (kékel) I; **mengekel-ngekel** berdekah-dekah, terbahak-bahak: *lagi sekali ketawa yg gamat drpd penonton-penonton, mereka ketawa ~.*

**kekel** (kékel) II bakhil, kedekut, kikir.

**kekeng** (kékéng) Kl, Tr; **mengekeng, mengekengkan** mengangkangkan.

**kekepuK I**; ~ *cendawan* selaput halus di keliling batang cendawan.

**kekepuK II** kepuK-kepuK.

**keker** Jk □ □ □ **kekar II**.

**keker** (kéker, kéker) Id, bp teropong;

**mengeker** meneropong.

**kekeruh** keruh-keruh.

**kekgi** Tr sebentar lagi, sekejap lagi: ~ *cik baliklah dr kedai Jusoh.*

**keki** (kéki) Jk 1. berasa tidak senang (tidak gembira) melihat hal atau kelakuan orang lain: *saya ~ melihat kelakuannya*; 2. (berasa) iri hati.

**kekili** 1. lingkaran kecil rotan yg dicucukkan pd hidung kerbau, kili-kili; 2. sj gelendong, alat utk menggulung tali pancing dll, kili-kili.

**kekisi** 1. jeruji, terali, kisi-kisi; 2. (Kim) susunan atom, ion, atau molekul dlm tiga dimensi yg tetap, spt yg terdapat dlm hablur; ~ *hablur kekisi* yg membentuk struktur hablur akibat susunan atom, ion, atau molekul.

**kekmo** (kékmo) Kl saya.

**keknya** (kéknya) Kl tetapi: *saya boleh pergi ~ awak mestilah menunggu saya.*

**kekok** (kékok) 1. kaku ketika berbuat sesuatu (kerana belum biasa), tidak lembut atau tidak kemas gerak-gerinya, canggung: *kulihat ~ sahaja ia berjalan bergandingan dgn isterinya*; 2. sukar menggunakannya (bkn alat dll); 3. Mn = ~ *akal* ki tidak jujur, busuk hati.

**kekekokan** perihal (keadaan) kekok: *jelas ada ~ dlm hubungan suami isteri itu.*

**kekoleh** (kekoléh) sj penganan; □ □ □ **koleh**.

**kekolong** gelung-gelung drpd rotan (logam dll); □ → □ **kolong II**.

**kekong** (kékong) Kl, Tr; **mengekong** mengangkat atau mendukung (budak) di belakang atau di atas bahu.

**k-ekonomi** ekonomi yg berasaskan pengetahuan, iaitu penggunaan ilmu dan teknologi yg lebih intensif dan meluas dlm semua sektor ekonomi serta dlm pengurusan awam dan korporat: *dlm usaha negara menuju ke arah ~, tentu sekali perbelanjaan kerajaan dlm memajukan sektor IT akan bertambah secara berterusan.*

**kekorok** kerongkongan, korok-korok.

**kekot** (kékot); **mengekot** merapatkan paha dan tangan ke badan (spt orang kesejukan dll), merekot.

**kekpong** (kékpong) Kl mendukung atau mengangkat (budak) di pinggang.

**kekuda** kuda-kuda.

**kekudung** tudung kepala, kain utk menutup kepala (perempuan); □ □ □ **kudung II**.

**kekuma** □ □ □ **kuma-kuma**.

**kekumus** □ □ □ **kemus**.

**kekunci** butang yg mewakili abjad dan nombor-nombor yg digunakan utk memasukkan data ke dlm komputer.

**kekunyit I** kunyit-kunyit (ikan).

**kekunyit II** sj burung; □ □ □ **kunyit II**.

**kekunyit III 1.** sj tumbuhan (pokok memanjat), mengkunyit, merkunyit, *Coscinium blumeatum*; **2.** sj tumbuhan (pokok memanjat); □ □ □ **kunyit-kunyit II**.

**kekura** □ □ kura-kura.

**kekwa** (kékwa) sj tumbuhan dan bunganya, *Chrysanthemum spp.*

**kelab** **1.** perkumpulan, persatuan; ~ *belia* perkumpulan pemuda dan pemudi; **2.** bangunan tempat ahli-ahli persatuan berkumpul (bermesyuarat, bersenang-senang, dll): *suaminya pergi bermesyuarat di ~*; ~ *malam* tempat hiburan (dgn minum-minum, berdansa, dll) yg dibuka pd waktu malam.

**kelabakan** Jk **1.** menggelepar-gelepar (spt ayam yg disembelih); **2.** kebingungan (spt orang dlm kesusahan).

**kelabang** Jw lipan;

**mengelabang** mendandan (menjalin) rambut;

**kelabangan** dandanan (jalinan) rambut.

**kelabat I** sj tumbuhan (herba), halba, *Trigonella foenumgraecum.*

**kelabat II** Br sj monyet besar, mawas, orang hutan.

**kelabau** sj ikan darat, *Osteochilus melanopleura.*

**Kelabit** suku kaum peribumi Sarawak, yg termasuk dlm kumpulan Orang Ulu, tinggal di pedalaman, yg amat mementingkan perhiasan berasaskan manik, menanam padi dan menghasilkan padi bermutu yg dikenali sbg beras Bario.

**kelabu 1.** warna spt abu; **2.** ki suram, tidak ceria: *perasaannya tetap ~*;

**mengelabui** = ~ *mata* ki menyelindungi keburukan (kecurangan dll) drpd pengetahuan umum, mengelirukan atau menyesatkan perhatian orang (dgn menggunakan muslihat), mengabui (mata), memperdaya, menipu: *memang ada cara-cara utk ~ orang-orang asing sehingga mereka tidak dapat menangkap apa yg dimaksudkan*;

**mengelabukan** menjadikan berwarna kelabu, mewarnai dgn warna kelabu;

**kekelabuan** keadaan kelabu;

**kekelabu-kelabuan** seakan-akan warna kelabu, agak kelabu: *cerobong asap berwarna coklat tua dan ~*.

**kelabung; berkelabung, terkelabung** bercampur aduk, kacau-bilau, bersepah (pakaian dll).

**kelabut; berkelabut** kelam-kabut, tidak tentu arah: *~ kelekatu terbang dan hinggap di lampu itu; ~ asap rokok keluar dihembuskannya*.

**keladak** hampas (kotoran dll) yg mendap ke bawah air;

*~ minyak (kopi dll)* hampas minyak (kopi dll) yg mendap ke bawah;

*~ perut* a) najis (tahi) yg akhir sekali keluar dr orang yg akan meninggal; b) ki anak yg penghabisan;

**berkeladak** mengandungi keladak, kotor kerana keladak: *air kapur dlm balang itu ~*.

**keladan** sj tumbuhan (pokok), kuras, *Dryobalanops oblongifolia*.

**keladau** ark; **mengeladau** menjaga, mengawasi, mengamati-amati.

**keladi 1.** sj tumbuhan (herba yg ubinya boleh digoreng atau digulai), talas;

*~ babi = ~ cina = ~ telur = ~ udang = birah ~* sj keladi, *Colocasia antiquorum*; *~ cali = ~ cantik = ~ hitam = ~ rimau = ~ ular* sj keladi,

birah hitam, birah kijang, *Alocasia denudata*; *~ sebaring* sj keladi

birah, *Alocasia indica*; **2.** sj tumbuhan (herba yg banyak macamnya);

*~ air* sj tumbuhan (herba), kelipuk padang, *Sagittaria guayanensis*;

*~ bukit* sj tumbuhan (herba), mata bisul, mata udang, selimpat air, senjuang hutan, *Aglaonema pictum*; *~ bunting* sj tumbuhan dlm air,

bunga jamban, kemeling telur, *Eichhornia crassipes*; *~ moyang* sj

tumbuhan (herba), kelemoyang, *Homalomena spp.*; ~ puyuh sj tumbuhan (herba), birah kecil, *Typhonium spp.*; akar ~ tanah sj tumbuhan (pokok memanjat), akar iang-iang rimba, *Vitis gracilis*; rumput ~ sj tumbuhan (rumput), rumput bukit, rumput kurau, rumput tahi kerbau, *Fimbristylis miliacea*;  
air di daun ~ = daun ~ dimandikan prb sukar ditunjuk ajar atau dinasihati; spt birah dgn ~ prb hampir sama sahaja.

**kelah I**; ikan ~ sj ikan darat, *Tor spp.*

**kelah II IB**; pengaduan, tuduhan, dakwaan;

**mengelah** melaporkan atau mengadukan (sesuatu kpd pihak berkuasa), membuat pengaduan, menuduh, mendakwa.

**kelah (kélah) = perkelahan;**

**berkelah** bersuka-suka dan berjamu beramai-ramai (di pantai dll), berpiknik: *ramai pelawat yg datang ~ ke Pantai Port Dickson tiap-tiap hujung minggu*;

**perkelahan** perihal berkelah, piknik: *adat bermain pantai ini merupakan suatu ~ kaum tani yg terbesar*.

**kelahi** pertengkaran, perbalahan, pergaduhan; *sehabis ~ teringat silat* prb setelah selesai sesuatu perkara atau pekerjaan, baru teringat cara yg baik menyelesaikannya;

**berkelahi** bertengkar, berbalah, bergaduh: *riuh-rendah bunyi orang ~*;

~ *di ekor alahan* prb memperdebatkan perkara kecil atau perkara yg sudah selesai; ~ *dlm mimpi* prb a) tiba-tiba bersikap spt orang telah berkelahi; b) bersusah payah dgn sesia sahaja; ~ *dgn orang tak berambut* prb berkelahi (berselisihan) dgn orang yg rendah tarafnya



atau kurang sempurna akalanya; *bagai ~ dlm kapuk (kepuh)* prb perihal sesuatu perkara yg tidak mudah diselesaikan;

**memperkelahikan** 1. menyebabkan (orang) berkelahi; 2. merebutkan (memperjuangkan) sesuatu dgn berkelahi; 3. melawan berkelahi, menyerang;

**perkelahian** pertengkaran, perbalahan, pergaduhan: *terjadilah ~ hebat antara suami isteri itu.*

**kelai** Mn; **mengelai, mengelai-ngelai** berbaring dgn bersandar.

**kelain; mengelainkan** menjadikan tersendiri (terasing), memisahkan, mengasingkan; □□□**lain.**

**kelak I** (masa atau hari) akan datang, kemudian, nanti: *kalau sudah jadi saudagar ~, tentu aku tak akan hina benar lagi di mata orang; ~ kemudian (di) masa hadapan; di akhirat ~ di akhirat nanti.*

**kelak II** Jk kelah.

**kelak III; ~-kelik** Jk kelip-kelip, kedip-kedip.

**kelak IV; ~-keluk** a) keluk-keluk; b) ki selok-belok.

**kelak V** sj burung, *Macrophygia assimilis.*

**kelakanji** sj tumbuhan (rumput); □□□**kalakanji.**

**kelakar I** jenaka, gurau senda, lawak, olok-olok, seloroh;

**berkelakar** berjenaka, bergurau senda, berlawak, berolok-olok, berseloroh: *ia ~ dan kami pun ketawa terbahak-bahak.*

**kelakar II** Sr 1. perbualan; 2. omong kosong.

**kelakkeling** gelang besi yg disarungkan pd jari (utk menambahkan kesan penumbuk).

**kelalang** sj bekas air yg berleher, gamuh, labu tanah; ~ *hampagas* sj bekas air yg dindingnya berlapis dua dan terpisah oleh ruang yg tidak

berudara supaya cecair di bahagian dalamnya sentiasa mempunyai suhu yg sama.

**kelalap** Jk mati lemas, tenggelam ke dlm air.

**kelalawar I** □ □ □ **kelawar I.**

**kelalawar II** sj ikan laut, *Antennarius hispidus*.

**kelalut** tidak teratur tumbuhnya (spt belukar dll), tidak berketentuan (percakapannya).

**kelam I 1.** tidak berapa terang (bkn cahaya, keadaan hari, dll), (agak) gelap, suram: *hari sudah mulai ~; ia berada dlm cahaya lampu yg ~*; **2.** tidak berapa terang atau jelas kelihatan (bkn tulisan, benda, dll), kabur; **3.** kurang nampak (mata), tidak dapat melihat dgn terang, kabur: *surat itu susah hendak dibacanya kerana matanya ~; ~ baja petang hari (kira-kira pukul empat); ~ lebam (pekat, keciak, kelimut)* ark sangat gelap, gelap-gelita; *~ disigi, lekung ditinjau* prb sesuatu yg kurang jelas hendaklah diselidiki dgn saksama;

**mengelamkan 1.** menjadikan kelam (tidak terang, tidak jelas), mengaburkan; **2.** menjadikan (agak) gelap, menyuramkan, menggelapkan;

**kekelaman** perihal kelam, kegelapan: *dlm ~ gerhana itu, Dewi melarikan diri*;

**pengelaman** perihal atau perbuatan mengelamkan, penggelapan.

**kelam II** bilah-bilah besi yg digunakan utk memperteguh sambungan balak dll.

**kelama**; *~ hijau* sj tumbuhan (rumpai), bayam pasir (tanah), daun serapati, kerak nasi paya, kerenak, kernau, rumput kulang pulut, rumput loh, *Alternanthera trianda (sessilis)*.

**kelamai** sj kuih yg menyerupai dodol; □ **gelamai.**

**kelambai, si kelambai** Mn sj hantu (gergasi perempuan yg berambut merah);

*api si kelambai* api kebakaran yg menjalar-jalar; *sarung ~ = rambut dijalin ~ rambut yg terlalu kusut; gedembai.*

**kelambir I** kelapa, nyiur.

**kelambir II** □ □ □ **gelambir.**

**kelambit** keluang.

**kelambu I 1.** sj kain kasa (atau kain berlubang halus-halus) yg dipasang menyelubungi tempat tidur (utk mencegah nyamuk); ~ *punjut* kelambu yg digantungkan pd satu tali sahaja; **2.** kain, plastik dll yg menutupi sesuatu: ~ *kereta*; ~ *Kaabah*;

**berkelambu** memakai (mempunyai) kelambu: *tempat tidur yg ~*;

**mengelambu** bergantung apabila dipakai (kerana terlampau besar atau longgar), geleber, gedoboh; *pakaian ~ pakaian yg geleber (kerana terlampau longgar).*

**kelambu II**; *angin ~ angin utara; ~ menunggal* angin yg bertiup ke utara; ~ *sebelah* angin yg bertiup ke arah laut; *musim ~ menunggal* musim angin utara.

**kelambu III**; *pokok ~ sj tumbuhan (herba), ca padang, teh makau, Scorparia dulcis.*

**kelambur** berkedut-kedut, berkerut-kerut, lisut.

**kelamin 1.** pasangan atau jodoh (laki-laki dan perempuan), dua sepasang; *katil ~ katil utk dua orang*; **2.** keluarga (suami isteri dan anak); **3.** = *alat ~ kemaluan manusia atau binatang (pd laki-laki atau perempuan, jantan atau betina); penyakit ~ penyakit pd kemaluan (lelaki atau perempuan); perhubungan ~ persetubuhan, perhubungan*

jenis; **4.** = *jenis* ~ jantina, jenis (lelaki atau perempuan, jantan atau betina);

**sekelamin 1.** sepasang (suami isteri), dua sepasang (jantan dan betina); **2.** sekeluarga: *ran itu didiami oleh ~ orang Sakai*;

**berkelamin 1.** berpasangan (lelaki dan perempuan), dua sepasang; **2.** bersama isteri atau suami (dan anak): *taman bunga masih ramai dgn orang yg bersiar-siaran ~ dan berpasang-pasang*; **3.** beristeri (bersuami), beristeri (bersuami) dan beranak, berkeluarga: *ia sudah bosan membujang dan ingin pula hidup ~*;

**mengelamin** mengahwini;

**perkelaminan** perihal berkelamin, kehidupan sbg suami isteri atau sbg suatu keluarga: *kedua-dua pihak, lelaki dan perempuan, yg hendak mendirikan rumah tangga harus mengetahui hal-hal yg berkaitan dgn ~*.

**kelam-kabut** tidak keruan, tidak tentu arah, kacau-bilau: *keadaan pd waktu itu ~; perasaanku ~*;

**berkelam-kabut** berkeadaan (berlaku, bergerak dgn) tidak berketentuan atau teratur, berkacau-bilau: *wanita-wanita turut ~ dlm majlis itu*;

**mengelam-kabutkan** menyebabkan kelam-kabut, mengacau-bilaukan: *terdapat satu lagi anasir yg dikira tidak bertanggungjawab yg sentiasa ~ keadaan perdagangan*.

**kelamkari** sl kain cita yg berwarna.

**kelampadang** sj tumbuhan (pokok renek), mepadang, *Vaccinium malaccense*.

**kelampi** sj tumbuhan (pokok), kelempayan, *Anthocephalus indicus*.

**kelampung I** terapung-apung, hanyut dlm air.

**kelampung II**; ~ *puyuh* sj tumbuhan (herba), ranti, terung meranti, terung perat, *Solanum nigrum*.

**kelamun**; **mengelamun** termenung sambil mengangan-angankan (mengingat-ingatkan, mengenang-ngenangkan) sesuatu, berkhayal, melamun: *kedua-duanya sedang duduk ~*; *cikgu Amit asyik ~ di atas tangga*;

**mengelamunkan** menyebabkan seseorang mengelamun, melalaikan: *mereka hanya akan ~ kita ke daerah yg bercanggah dgn fitrah keinsanan kita*;

**pengelamunan** menungan berserta angan-angan, khayalan;

**pengelamun** orang yg suka atau selalu mengelamun.

**kelan** □ □ □ **mengkelan**.

**kelana I 1.** pengembara: *negeri itu bernama Pandan Salas akan tetapi sudah dialahkan oleh seorang ~ bernama Kuda Nestapa*; ~ perajurit perajurit yg mengembara; **2.** gelaran kebesaran berasal dr Bugis (mis Datuk Kelana Sungai Ujung);

**berkelana** = **mengelana** mengembara, merantau: *aku sentiasa miskin, sentiasa ~*;

**perkelanaan** perihal (perbuatan dsb) berkelana, pengembaraan: *ia hanya wujud dlm impian utk memungkinkan aku meneruskan ~ ini?*

**kelana II** sj tumbuhan (pokok memanjat), kelunuh, ubi kelonak, *Dioscorea prainiana*.

**kelang I**; ~-*kabut* kelam-kabut.

**kelang II** sj ikan laut, *Siganus spp*.

**kelang** (kélang); ~-*kelok* berliku-liku (jalan, sungai), berkelok-kelok, bengkok-bengkok.

**kelanggar** Jk terlanggar, tertumbuk-tumbuk; □ □ □ **langgar I**.

**kelanggara** sl□□□**kelenggara**.

**kelangkan** Jk langkan.

**kelangkang** bahagian tubuh di antara kedua-dua pangkal paha: *tulang* ~ lima ruas tulang di hujung tulang punggung (*os sacre*).

**kelanit; mengelanit** membuka jahitan (dgn mencabut-cabut benangnya).

**kelanjar** Mn; **berkelanjutan** berasa sakit atau sengal urat (selepas diurut);  
**mengelanjar** menganjal, memantul.

**Kelantan** negeri di timur laut Semenanjung, keluasan 14,893 km<sup>2</sup>, Kota Bharu sbg ibu negeri.

**kelantang I; mengelantang** menjemur kain dll yg telah direndam dlm air sabun (supaya mudah hilang kotornya).

**kelantang II, kelanting** sj tumbuhan (pokok kecil), beras-beras, betutu, ceremai burung, jarak, *Eurya japonica (acuminata)*.

**kelap I; ~-kelip** kejam celik (mata), berkelip-kelip, berkedip-kedip (mata, lampu);

**sekelap;** ~ *mata* sekelip (sekejap) mata;

**mengelapkan;** ~ *mata* memejamkan mata sesaat, mengelipkan mata;

**terkelap** terkedip atau terkelip (mata), tertutup mata seketika (terlena seketika).

**kelap II** sj tumbuhan (pokok), pokok bantuan, rambai hutan (pontianak), *Symplocos rubiginosa*.

**kelapa** sj tumbuhan palma (pokok dan buahnya), nyiur, kerambil, *Cocos nucifera*; jenis-jenisnya: ~ *dadih*; ~ *gading*; ~ *hijau*; ~ *puyuh* dll; ~ *laut* sj tumbuhan palma (pokok dan buahnya), *Lodoicea maldivica*; ~ *loji* sj kelapa yg lembut isi dan tempurungnya; *minyak* ~ minyak

yg dibuat drpd kelapa kering; *tuak* ~ sj minuman yg dibuat drpd nira kelapa;

~ *bali* = ~ *sawit*; ~ *belia* = ~ *dara* pohon kelapa yg baru hendak berbuah; ~ *bulan* (*dimakan bulan*) = ~ *puan* kelapa yg isinya lembut (lunak); ~ *kering* isi kelapa yg telah dijemur hingga kering (utk dijadikan minyak), kopra; ~ *komeng* a) kelapa yg tebal sabutnya dan kecil tempurungnya serta nipis isinya; b) ki cakap panjang meleret-leret tetapi isinya tidak seberapa; ~ *muda* (buah) kelapa yg belum tua dan masih lunak atau lembut isinya (rasa airnya sedap); ~ *parut kering* kelapa yg telah diparut dan dikeringkan; ~ *puyuh* sj tumbuhan (herba), lembah, lumbah, lumbah padi (rimba), *Curculigo lotofolia*; ~ *sawit* sj tumbuhan (palma) yg buahnya kecil dan menghasilkan minyak, kelapa bali; ~ *tua* (buah) kelapa yg sudah tua dan keras isinya; ~ *ditebuk tupai* prb gadis yg telah hilang daranya (gadis yg ternoda).

**kelapayang** □ □ □ **kelepayang**.

**kelampung** sj tumbuhan (pokok), kelumpang, *Streculia foetida*.

**kelar I 1.** bekas atau tanda hirisan (takik, tetakan) yg tidak dalam (spt pd ikan, batang pokok, dll), jalur atau garis luka pd badan (akibat pukulan yg kuat dgn rotan dll); **2.** lekuk-lekuk atau gelang-gelang (pd saluran nafas, tubuh lipan, dll); **3.** lingkaran (drpd rotan dll);

**berkelar** bergaris agak dalam (tanda hirisan pisau, bekas pukulan yg kuat dgn rotan);

**berkelar-kelar 1.** berkelar pd beberapa tempat (tanda hirisan, tetakan, dsb); **2.** bergelang-gelang, bersekat-sekat (bkn tanduk, badan lipan, dll);

**mengelar** menakik-nakik, menggaris-garis (agak dalam), menetak atau menghiris (tidak sampai putus): *ikan itu dikelar-kelar sebelum digarami;*

**terkelar** dikelar, ditakik-takik, ditetak atau dihiris (tidak sampai putus): *leher mayat itu kelihatan ~ selaku leher ayam yg disembelih.*

**kelar II** IB, bp selesai, siap.

**kelara;** *ikan* ~ sj ikan laut (anak sembilang), *Plotosus canius*.

**kelarah I** 1. ulat dlm buah (yg menyebabkan buah busuk); 2. Kl luarnya elok tetapi dalamnya rosak (keledek, ubi kentang, dll).

**kelarah II** Kl tidak licin (spt papan yg belum berketam), kasar, berkerutu.

**kelarai** 1. corak (anyaman, tenunan, dll) yg berbentuk damdam; 2. Mn simpul di tepi anyaman, sulaman (suji) di tepi kain; ~ *sesat taja* prb pekerjaan yg dr mulanya sudah salah;

**mengelarai** 1. membuat anyaman (tenunan) yg bercorak damdam; 2. menyimpul pinggir anyaman, menyuji di tepi kain; *bongkok dek menganyam, silap (sesat)* ~ prb sungguhpun telah cekap dlm sesuatu pekerjaan masih juga membuat kesilapan.

**kelari** sj ikan darat.

**kelaring; berkelaring** Kl berselaput (di sana sini) dgn kotoran (bkn pakaian dll).

**kelas I** 1. bilik (tempat) belajar, bilik darjah: *murid-murid masuk ke ~ beramai-ramai;* 2. perkumpulan utk mempelajari sesuatu; ~ *lukisan (tarian, jahit-menjahit, masakan, dll)* perkumpulan yg bertujuan mempelajari seni lukis (seni tari, jahit-menjahit, cara-cara memasak, dll); ~ *persediaan* kelas tempat penuntut-penuntut diberi latihan khas sebelum mengikuti pelajaran yg khusus atau mendalam; 3. peringkat, tingkatan (pelajaran yg diikuti): *pelajar-pelajar ~ rendah;*



4. golongan atau kumpulan (dlm masyarakat) yg berbeza antara satu sama lain atas ciri-ciri tertentu (spt taraf hidup, kedudukan sosial berdasarkan asal keturunan dll): *beliau meramalkan berlakunya pertentangan ~ atau golongan-golongan dlm masyarakat*; 5. golongan, kumpulan (berdasarkan persamaan pelbagai sifat yg tertentu): *manusia termasuk dlm ~ binatang mamalia*; 6. bahagian, kategori, kumpulan (berdasarkan tingkatannya yg tertentu): *pemborong-pemborong ~ E*;

~ *atasan* golongan orang yg menduduki taraf sosial yg paling tinggi, mis kaum bangsawan; ~ *bawahan* golongan orang yg menduduki taraf sosial yg paling rendah, mis buruh, petani dsb; ~ *dewasa* perkumpulan yg terdiri drpd orang-orang dewasa utk belajar membaca dan menulis; ~ *ekonomi* kelas dlm pengangkutan awam, mis kapal terbang dan kereta api, yg kadar tambangnya paling murah; ~ *kambing* bp tingkatan (taraf) yg paling rendah, kelas (bahagian) yg paling murah bayaran yg dikenakan kpd penonton (di panggung wayang dll); ~ *kata* (Lin) golongan kata; ~ *menengah* golongan masyarakat antara kelas bawahan dan kelas atasan, termasuklah ahli perniagaan dan profesional spt peguam, akauntan, doktor dsb; ~ *pertengahan* kelas menengah;

**berkelas** termasuk dlm kelas (golongan, kumpulan atau kedudukan sosial tertentu): *memang terdapat jurang sosial yg agak ketara antara mereka yg ~ rendah dgn yg ~ menengah*;

**berkelas-kelas** berasing-asing dlm kedudukan (ada yg tinggi dan ada yg rendah tarafnya), berpangkat-pangkat, bertingkat-tingkat: *yg menarik hatinya ialah masyarakat di situ masih ~*;

**mengelaskan** membahagi-bahagikan atau mengasing-asingkan kpd berbagai-bagai golongan (kumpulan, tingkatan, dll), menentukan kelas sesuatu: *ahli-ahli kimia ~ bahan-bahan kimia mengikut suatu sistem tertentu;*

**pengelasan** perihal atau perbuatan mengelaskan, pembahagian (pengasingan) kpd kumpulan-kumpulan (golongan-golongan dll); ~ *tanah (tumbuhan)* pengasingan tanah (tumbuhan) kpd jenis (kumpulan) tertentu.

**kelas II** antara pasang dan surut;

**mengelas** pasang perbani.

**kelas III; mengelas;** ~ *daging* mengempukkan daging seketika (sebelum digoreng).

**kelas IV; mengelas** Kd memilih (buah dll) dgn teliti, membelek-belek utk memilih.

**kelasa I** 1. bonggol pd tengkuk atau punggung binatang (spt lembu, unta, dll), ponok; 2. bonggol di antara tulang belikat kuda.

**kelasa II** Jw tikar mengkuang.

**kelasah; kelusuh-~;** □ □ □ **kelusuh.**

**kelasak** sj perisai yg dibuat drpd kulit.

**kelasi I** anak kapal, pekerja dlm kapal.

**kelasi II** sj kera yg panjang hidungnya, *Hylobates leuciscus*.

**kelat I** rasa hampir-hampir pahit (spt rasa pinang), rasa sepat; ~ *dehe* Kl, Tr terlalu kelat.

**kelat II** = *tali* ~ tali utk menarik layar kapal atau utk menumbangkan pokok yg ditebang; *juru*~ anak kapal yg mengendalikan tali kelat;

**mengelati** menarik tali kelat.

**kelat III;** ~ *bahu* sj gelang yg dipakai di pangkal lengan; ~ *dahi* perhiasan drpd kertas emas dipakaikan pd dahi pengantin perempuan, gandik; ~ *sanggul* cucuk sanggul;

**berkelat** dikepilkan: *agar tuan sudi menghulurkan sumbangan derma kpd Tabung Projek Ikhtiar mengikut susun cara spt dlm borang ~.*

**kelat IV** lekat, susah dibuka (mata, kerana terlalu mengantuk): *apabila mata mereka telah mula ~, barulah mereka berhenti berbual; matanya ~* berasa lekat (sehabis tidur);

**pengelat;** *jarum ~* jarum penyemat.

**kelat V** sj tumbuhan (pokok); jenis-jenisnya: ~ *api*; ~ *asam*; ~ *hitam*; ~ *jambu*; ~ *lapis (merah, paya)*, *Eugenia spp.*; ~ *hempedu sawa* = ~ *liau* = ~ *pagar anak* = ~ *samak jawa* sj tumbuhan (pokok), *Ouratea crocea*; ~ *layu putih* sj tumbuhan (pokok), cenderai kayu, kayu sugi, nilau, *Guioa pubescens*; ~ *pasir* = ~ *putih* sj tumbuhan (pokok), *Parastemon urophyllum*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok); a) gambir hutan, *Trigonopleura malayana*; b) *Eugenia spp.*; ~ *samak* sj tumbuhan (pokok), samak, *Eugenia palembanica*; ~ *tanduk* sj tumbuhan (pokok), kepayang air, medang ketutuk, meroyan, *Ixora fluminalis*; ~ *tupai* sj tumbuhan (pokok), akar belalang puak, *Pittosporum ferrugineum*.

**kelati** kacip.

**kelatu** Ml ketuk (di kepala) dgn buku tangan, luku.

**kelawai;** *akar ~* sj tumbuhan (pokok renek), akar dedawai, tenak, *Myxopyrum nervosum*.

**kelawan** □ □ □ **keluan.**

**kelawar I** sj keluang kecil (makanannya serangga); ~ *gondol*, *Cheiromeles torquatus*; ~ *buas*, *Megaderma lyra*; ~ *rumah*, *Scotophilus kuhli*; ~ *telinga lebar*, *Megaderma spasma*.

**kelawar II** bentuk cengkih pd daun pakau.

**kelawar III** sj ikan darat, *Antennarius spp.*

**kelawat** sj tumbuhan (herba), kelelawat, *Torenia atropurpurea*; *pokok* ~ sj tumbuhan (herba), pokok telang hutan, *Torenia peduncularis*.

**kelayak** □ □ □ **khalayak**.

**kelayang**; *burung* ~ burung layang-layang; □ □ □ **layang III**.

**kelayar** sj tumbuhan (rumpai), *Monochoria vaginalis*.

**kelayau**; **mengelayau 1.** memandang dr satu tempat ke satu tempat, mengalih-alihkan pandangan: ~ *matanya memandang ke sekeliling*;  
**2.** melamun (memikirkan atau mengkhayalkan sesuatu): *fikiranku ~ lagi*.

**kelayu** sj tumbuhan (pokok), arang para, kelat jantan, kelat layu hutan (laut), mertajam, terajam, *Erioglossum rubiginosum*; ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok), bedara emping, benitan, kelentit nyamuk, rambut pacat, tampung kecil, *Arytera littoralis*.

**keldai** sj binatang seakan-akan kuda tetapi lebih kecil; ~ *hendak dijadikan kuda* prb orang bodoh hendak dianggap (dijadikan) orang pandai.

**kelebak** (kelébak); **terkelebak** terbuka lebar (luka), terbabang, koyak atau rabak (layar dll).

**kelebang** (kelébang); *ubi* ~ sj tumbuhan (ubi), *Dioscorea alata*.

**kelebat** (kelébat); **sekelebat** = ~ *mata* = **sekelebatan** selayang pandang, sekali imbas, sepintas lalu; □ **kelibat III**.

**kelebek** (kelébék) **I** □ □ □ **kelebet**.

**kelebek** (kelébék) **II mengelebek** Kl, Tr membuka rongga (spt mata dll) dgn tangan.

**kelebek** (kelébék) **III** Kd melihat dgn teliti.

**kelebet** (kelébét) terlipat (alas meja, kertas, dll) pd bahagian hujung atau tepinya sehingga tergantung-gantung, terkelepai, atau bertindih (tepinya), kelepet;

**mengelebetkan** melipatkan alas meja, kertas, dll) di hujung atau tepinya sehingga tergantung-gantung atau bertindih tepinya.

**kelebi**; *buah* ~ buah halkum.

**kelebok** (kelébok) Kd lumpur.

**kelebu** Jk karam, tenggelam, dimasuki air (bkn sampan dsb);

**mengelebukan** mengaramkan, menenggelamkan (sampan dsb).

**kelebuk I** bunyi sesuatu benda (spt buah kelapa dll) jatuh.

**kelebuk II** sj tumbuhan (pokok), nangtan, *Ficus roxburghii*.

**kelebur** runtuh (spt tanah lembik dipijak);

**keleburan** jurang, lubang perangkap.

**kelebut** benda tempat disarungkan kopiah (pakaian dll), acuan (kasut dll).

**kelecat**; **terkelecat** Tr terpelanting, tercampak: *jatuh* ~.

**keleceh** (kelécéh); **terkeleceh** terkucil, tergelincir.

**kelecek** (kelécék); **mengelecek** (dlm permainan bola sepak, hoki dsb) membawa bola dgn kaki, kayu pemukul dsb dgn pergerakan yg cepat dan tangkas serta mengelirukan supaya tidak dapat dirampas pihak lawan;

**terkelecek** terpeleset (kerana licin dsb), tergelincir.

**kelecus** sj tumbuhan (pokok), belucus, derum, mempat, mempat hitam (hutan, jantan), sampat, selencus, *Cratoxylon ligustrinum* (*polyanthum*).

**keledang** (kelédang) sj tumbuhan (pokok), nangka pipit, *Artocarpus lanceifolia*; ~ *babi* sj tumbuhan (pokok), *Artocarpus anisophyllus*; ~ *berok* sj tumbuhan (pokok), tampang ambung (gelugur, jantan, dll), *Artocarpus lakoocha*.

**keledar** (kelédar); *topi (tali pinggang)* ~ topi (tali pinggang) yg dipakai utk keselamatan sbg persediaan menghadapi bahaya (kemalangan dsb);

**berkeledar 1.** bersedia (bersiap-siap) utk menghadapi bahaya dll; **2.** = **berkeledaran** tidak teratur atau tidak tersusun, berselerak, bertaburan.

**keledek** (kelédék) = *ubi* ~ sj ubi yg manis, ketela ubi, *Ipomoea batatas*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kangkung laut, akar keremek, akar lanar, *Ipomoea digitata*; (*akar*) ~ *tanah* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Vitis gracilis*.

**keledi** (Muz) sj alat tiup berlidah suku kaum Kayan dan Kenyah di Sarawak.

**keledut** □ □ □ **kedut I.**

**kelek** (kélék) **I** ketiak;

**mengelek** mengangkat (membawa) di bawah ketiak, mengepit: *pelakannya bernyanyi sambil ~ buyung air*; ~ *anak* mendukung anak dekat ketiak.

**kelek** (kélék) **II**; **kelek-kelek, kelek-kelekan, kelekan 1.** kayu atau besi pemegang pd jambatan (tangga dll), langkan (pd jambatan dll); **2.** sj serambi (pd balai istana): *maka segala anak raja-raja itu duduk di kelek-kelekan balai kiri kanan*; ~ *anak* bahagian rumah ibu yg bertemu dgn pelantaran.

**kelekati I** sj anai-anai; ~ *memanjat peran, sebelum mati belum jeran* prb terlalu gemarkan sesuatu hingga sanggup membahayakan (membinasakan) diri; □ □ □ **kelekatu**.

**kelekati II** ark kacip.

**kelekatu** sj anai-anai yg bersayap (kerap berterbangan berkeliling lampu), laron;

~ *hendak terbang ke langit* prb berkehendakkan atau mengerjakan sesuatu yg tidak mungkin berhasil; *spt ~ masuk api, tidak tahukan mati lakunya* prb umpama orang yg cintakan sesuatu hingga tidak menghiraukan bahaya; **kelekati I**.

**kelekik** K1 rumit, sukar, sulit.

**kelelap** □ □ □ **kelalap**.

**kelelawar** □ □ □ **kelawar I**.

**kelelawat** sj tumbuhan (herba), kelawat, *Torenia atropurpurea*.

**kelelesa** sj mengkarung (bengkarung).

**kelelot** (kelélot); **berkelelot** menjelir-jelirkan lidah (utk mengejek);

**mengelelotkan** menjelirkan (lidah) utk mengejek.

**kelem** Jk karam, tenggelam.

**kelemair** □ □ □ **kelemayar I**.

**kelemantang** □ □ □ **kalimantang**.

**kelemanyar** □ □ □ **kelemayar I**.

**kelemata** = *kumbang* ~ sj kumbang yg mengorek lubang pd pokok kelapa.

**kelemayar I** sj binatang yg menyerupai lipan (liurnya bercahaya), *Orphnaeus brevilabiatus*; ~ *intan cahaya* (sinar) intan.

**kelemayar II**; *rumput* ~ (*kelemanyar*) Pr sj tumbuhan (rumput) yg dibuat tali atau tikar, *Cyperus spp.*.

**kelemayuh I** sj penyakit yg disebabkan tisu daging mati kerana tidak mendapat bekalan darah, gangren;

**berkelemayuh** diserang atau menghidap kelemayuh: *kaki kirinya* ~.

**kelemayuh II** sj tumbuhan (herba), kelemoyang, *Homalomena spp.*

**kelembahang** sj tumbuhan (herba yg daunnya menyebabkan gatal apabila tersentuh pd kulit), kemahang, *Alcasia ovalifolia*; *anak* ~ seseorang (perempuan) yg gatal atau gasang.

**kelembai I** sj hantu; □ □ □ **kelambai**.

**kelembai II** sj tumbuhan (pokok), kelumbai, dala, kecerek, kemantu hitam, kepayang hantu, *Crataeva macrocarpa*.

**kelembak I 1.** sj tumbuhan (pokok) yg kayunya berbau harum, gaharu, *Aquilaria malaccensis*; **2.** sj tumbuhan (herba), *Rheum officinale*.

**kelembak II** sj kupu-kupu.

**kelemban** (kelémban); **berkelemban** berjalan (menuju sesuatu) dgn mengikut jalan yg jauh (tidak dgn memintas).

**kelemben** sj kuih spt roti; □ □ **kelombeng**.

**kelembuai** siput kiung, *Ampulla ampullacea*.

**kelembubu** angin yg bertiup berkisar; □ □ □ **halimbubu**.

**kelembung** □ □ □ **kembung, gelembung**.

**kelemek** (kelémék); **terkelemek** terpiuh (bkn dawai dll), terpulas, bengkok.

**kelemoyang** sj tumbuhan (herba), *Homalomena spp.*; ~ *akar* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Rhaphidophora minor*; *rumpun* ~ sj tumbuhan (herba), cengkenam, jerunang, lengkuas kecil (padang, ranting), *Languas conchigera*.

**kelempai** ark; **terkelempai** terlentok (terbaring) dgn lemah longlai;



**mengelempai** berbaring dgn lemah longlai: *kasau lentik helang*  
*berbega, berbunga sawa ~, bertakuk bersedelinggam.*

**kelempayan 1.** sj tumbuhan (pokok), kelampi, *Anthocephalus cadamba*; **2.**  
sj tumbuhan (pokok), bunga nangka pipit, mepayan, mengkal,  
pulasan hutan, tumbang dayung, *Nauclea maingayi.*

**kelempenang** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar gasing putih, gasing-  
gasing, ketutu, mempenang, minyak pinyang, *Pericampulus glaucus.*

**kelempening** sj tumbuhan (pokok), berangan babi, peniau, *Quercus*  
*(Pasania) kunsleri.*

**kelempeti** sj tumbuhan (pokok), *Aporosa benthamiana.*

**kelemping** terkelepai (spt susu perempuan tua), bergayut, terkulai.

**kelempung** sj tumbuhan (pokok), kelumpung, *Ficus obpyramidata.*

**kelemuak** Kd lumpur yg terdapat di dlm air.

**kelemumur** kulit mati yg berkeping-keping halus pd kulit kepala,  
ketombe;

**berkelemumur** terdapat atau ada kelemumur (pd kulit kepala).

**kelemunting** □ □ □ **kemunting.**

**kelemut** kemik-kemik (bkn tin dll), kerumuk atau renyuk (bkn kertas dll).

**kelencong** (keléncong) **I** sekeping kayu berlubang dua (utk dicucukkan tali  
perahu).

**kelencong** (keléncong) **II**; **terkelencong** terkeluar atau beralih dr hala atau  
tujuan asal.

**kelendara** lingkaran-lingkaran (drpd rotan dll) pd tiang kapal (utk  
diikatkan andang-andang pd tiang).

**keleneng** (kelénéng) **1.** bunyi loceng besar (di gereja dll); **2.** bp sj loceng  
kecil (spt yg dipasang pd leher lembu, gelang kaki, dll).

**kelengar** Jk pengsan; ~ *matahari* pengsan disebabkan panas matahari.

**kelenggara;** ark **mengelenggarakan** menyelenggarakan, menguruskan.

**kelengkang** □ **kelangkang.**

**kelengkang** (keléngkang) sj gelang tempat digantungkan (dicucukkan) kunci dll.

**kelengkeng** (keléngkeng) **I** = *jari* ~ jari tangan yg terkecil; ~ *kaki* jari kaki yg terkecil; *telunjuk lurus* ~ *berkait* prb pd zahirnya baik tetapi hatinya jahat.

**kelengkeng** (keléngkeng) **II**; *kurung* ~ ruang atau sangkar yg terkecil dlm belat ikan.

**kelengkeng** (keléngkeng) **III** buah (pokok) laici; **lengkeng.**

**kelengkeng** (keléngkeng) **IV**; *burung* ~ **1.** sj burung, burung kekek, *Anthracoceros malayanus*; **2.** sj burung, burung lang ling, burung lilin, *Anthracoceros malabaricus leucogaster*.

**kelengkiak** sj semut (hitam dan besar), kiak-kiak.

**kelengkuk** kelapa muda; □ □ □ **kelongkong.**

**kelengkung** □ □ □ **kerongkong.**

**kelening** bunyi spt bunyi loceng basikal.

**kelenjar** organ yg mensintesis bahan-bahan kimia dan merembesnya utk digunakan oleh badan atau utk disingkirkan; ~ *peluh* (*air liur* dll) kelenjar yg mengeluarkan peluh (*air liur* dll); *sakit* ~ (*kelenjarian*) sakit bengkak pd kelangkang (pd pangkal paha), sakit macang, sakit mangga.

**kelentang** bunyi spt bunyi tin kosong dipukul; ~-*kelentung* bunyi bising spt bunyi tin kosong dipukul bertalu-talu (atau bunyi beberapa tin kosong dipukul serentak).

**kelentang** (keléntang) buah kelur; **kelintang.**

**kelenteng** (kelenténg), **kelenting** **1.** rumah berhala Cina; **2.** bunyi spt bunyi loceng kecil.

**kelenteng** (kelénténg), **kelenting** bunyi spt bunyi loceng.

**kelentit I** daging yg tersembul dekat lubang kemaluan perempuan.

**kelentit II;** ~ *kering (nyamuk, padang)* sj tumbuhan (pokok renek), gelam padang jantan, kelapit nyamuk, mempoyan padang, *Decaspermum fruticosum*; ~ *nyamuk a*) = *akar ~ kera* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar perejab, akar sembelit, semelit darah (putih), *Santaloides rugosum*; b) = ~ *nyamuk laut* sj tumbuhan (pokok) medang putih, pena-pena, pokok serawan burung, senyamuk, *Guioa pleuropteris*; c) sj tumbuhan (pokok menjalar), akar pinang ketul (kutai), *Agelaea wallichii*.

**kelentom** (keléntom) IB tekanan suara, aksen.

**kelentong** (keléntong) **I** sj alat bunyi-bunyian (spt gendang kecil) yg digunakan oleh penjaja atau penggalas barang-barang kelontong (barang-barang spt benang, jarum, sikat, dll); *Cina* ~ penjaja (Cina) yg menggunakan kelentong (utk menjual barang-barang kelontong).

**kelentong** (keléntong) **II** □ □ □ **kelentom.**

**kelentong** (keléntong) **III** bp menipu (biasanya dgn menggunakan kata-kata yg memperdaya atau mempengaruhi);

**mengellentong** menipu: *dia cuba ~ mereka dgn kata-kata yg menarik dan sukar difahami; rakyat tidak rela lagi dikelentong oleh pemimpin yg tidak bermaruah.*

**kelentugi** Br sj halipan (tubuhnya hitam dan kakinya kuning).

**kelentung** **1.** bunyi spt bunyi loceng lembu; **2.** bunyi besi (tin dll) jatuh atau dipukul; **3.** = **kelentungan** sj genta drpd kayu (digantungkan pd leher lembu atau kerbau), gertuk, kertuk, keruntung;

*di mana ~ berbunyi, di situ kerbau tinggal diam* prb di mana ada pemerintahan yg baik, di situ rakyat tinggal tetap dan berbahagia.

**kelenung 1.** dengungan (bunyi) gong atau canang yg dipalu; **2.** sj canang kecil.

**kelenut** sj tumbuhan (pokok), keluak, kelueta, *Pterocymbium javanicum*.

**kelenyar** □ □ □ **kelenjar**.

**kelenyuk** terkehel, tergeliat, salah urat.

**kelepai; berkelepai, terkelepai** terkulai (spt dahan patah yg tergantung-gantung di pokok), tergantung-gantung ke bawah (spt bendera yg tidak berkibar dll).

**kelepak 1.** bunyi spt bunyi sayap dikibas-kibaskan; **2.** bunyi spt bunyi tampanan.

**kelepak (kelépak) 1.** terkelepai spt telinga gajah, terkulai; **2.** kelemping (bkn susu perempuan tua);

*~-kelepang* bunyi spt gendang dipalu: *paluan kompong berterusan dgn ~*; *~ baju* lipatan kain yg berkelepai di bahagian dada baju; *baju ~ baju* yg terbuka di bahagian dadanya.

**kelepal** dompet (kantong) peluru; □ □ □ **kerpai**.

**kelepar** □ □ □ **gelepar**.

**kelepat; mengelepat** menutup lubang-lubang atau celah-celah papan kapal dgn gala-gala (pakal dsb), memakal.

**kelepayang** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kepawang, akar kepayang, pepayang, teruah, *Hodgsonia capniocarpa*.

**kelepek (kelépék)** kelepet;

**terkelepek 1.** terkelepet; **2.** terkelepai (spt dahan patah yg masih tergantung-gantung di pokok), terkulai.

**kelepet (kelépét)** lipatan (pd tepi kain dll);

**terkelepet** terlipat pd tepi atau hujungnya (bkn kertas, kain, dll), kelebek, terkelepek.

**keleplik 1.** bunyi spt bunyi benda kecil jatuh; **2.** bunyi spt bunyi bendera berkibar-kibar (atau sayap dikibas-kibas);

**mengeleplik-ngeleplik** berbunyi spt bunyi bendera berkibar-kibar kencang.

**kelepir I** buah pelir.

**kelepir II** Kd; **mengelepir** mengetis atau mengibaskan jari (utk mencampakkan ulat dll), mengitai (tangan); **kepir**.

**kelepir III** Tr sj beg kecil.

**kelepit** terkulai atau terkelepai (spt telinga gajah, pelepah yg patah tetapi masih tergantung-gantung dll).

**kelepot** (kelépot) bertimpuh.

**kelepuk** bunyi barang jatuh.

**kelepong I;** ~ *gagah* sj tumbuhan (pokok), *Randia exaltata*.

**kelepong II;** *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung pulut dan gula melaka dan diselaputi dgn kelapa parut, buah melaka, ondeh-ondeh.

**kelepur;** **mengelepur** menggelepar, menggelepur; □ □ □ **gelepur**.

**keler** (kélér) Id peti tempat menyimpan botol minuman keras dll.

**kelereh** (keléréh) sj tumbuhan (pokok renek), mempenai, *Homonium riparia*.

**kelerek** (kelérék) IB kerani (di pejabat).

**kelereng** (keléréng) **1.** biji buah lerak; **2.** guli, gundu, kelici.

**kelesa** (kelésa) agak malas mengerjakan sesuatu, tidak rajin dan cergas.

**kelesah** (kelésah) tidak tenteram (perasaan), resah, gelisah.

**keleseh** (keléséh); ~-*peseh* bertutur dlm bahasa Belanda: *banyak anak gadis yg lepas sekolah, pandai ~-peseh*; **kareseh**, **keresepese**.

**kelesek** (kelésék) kulit batang pisang yg kering.

**keletah** (kelétah) gerak-geri atau pertuturannya dibuat-buat, suka bergaya, genit: *gadis ~*;

**berkeletah** berlagak atau berkata-kata dgn gaya yg dibuat-buat, bergaya: *Si Bunga Pekan sedang ~ dgn perkataan-perkataan yg pelat.*

**keletak 1.** bunyi spt bunyi terompah yg kena pd lantai batu; **2.** bunyi spt bunyi batu kecil jatuh ke papan.

**keletang** bunyi spt bunyi duit syiling jatuh ke batu.

**keletap** bunyi spt bunyi punat kamera dipetik.

**keletar** geletar, gementar, ketar.

**keletik 1.** bunyi jentera jam (bunyi tik, tik); **2.** bunyi spt bunyi benda kecil jatuh ke lantai; □ □ □ **geletik.**

**keleting** bunyi spt bunyi duit syiling berhantukan (jatuh ke batu dsb).

**keletuk 1.** bunyi ketukan (pd meja dll); **2.** = ~ *kayu* sj alat drpd kayu yg berbunyi *tuk, tuk* apabila digoncang-goncangkan.

**keletung** bunyi spt bunyi tin dipukul, kelentang.

**kelewak** (keléwak) Kl Tr berkeliaran.

**kelewang** (keléwang) **1.** sj pedang pendek (bilahnya makin lebar arah ke hujung); ~ *lipat hujung* kelewang yg bahagian hujungnya lebih lebar dan nipis; ~ *pucuk berkait* kelewang yg hujungnya melengkung; ~ *tebal hujung* kelewang yg bahagian hujungnya makin lebar dan tebal; **2.** Kl sj parang panjang yg berukir pd hujungnya.

**kelewar;** (keléwar); **berkelewar** Kd merayau, berjalan ke sana ke mari: *kerbau-kerbau ~ di dlm kampung itu.*

**kelewat** (keléwat) Jk terlalu, terlampau; **keliwat;** □ □ □ **lewat.**

**keleweh** (keléwéh); **mengelewehkan**; ~ *bibir* mencebikkan bibir, membalikkan tepi bibir ke bawah, menjuihkan bibir: *Normah melawan cemikan itu dan ~ bibirnya kpd Lili*;

**terkeleweh** melendut ke bawah (tidak tegang rata), tercebik (bkn bibir), terbalik ke bawah tepinya (bkn bibir bawah): *Jin tersenyum, ~ bibirnya yg tebal itu*.

**kelewer** (keléwér) layar depan.

**keli** = *ikan* ~ sj ikan darat, *Clarias batrachus*; *bagai* ~ *kena ketuk* prb bersungut-sungut dgn tidak tentu biji butirnya; *spt* ~ *dua selubang* prb seorang perempuan yg mempunyai dua orang kekasih.

**kelian I** bp kalian (kamu, awak).

**kelian II** ark galian, lombong: ~ *emas*.

**kelian III** ark pegawai desa di Bali.

**keliar**; **berkeliaran** berjalan (bergerak, bersiar-siar, dll) merata-rata atau ke sana sini, merayau, bertualang: *mata-mata gelap ~ di bandar itu*.

**kelias** □ □ □ **pelias**.

**keliat**; **mengeliat** menggeliat; □ □ □ **geliat**.

**kelibang**; ~-*kelibut* = **berkelibangan** berterbangan, terbang berpusing-pusing (bkn kelekatu dll).

**kelibat I** pengayuh (dayung) yg berdaun pd kedua-dua hujungnya;

**mengelibat** mengayuh (berdayung) dgn kelibat; **gelibat I**.

**kelibat II** Jk terlibat, terbabit (dlm sesuatu perkara); □ □ □ **libat**.

**kelibat III** rupa seseorang atau sesuatu yg kelihatan sepintas lalu sahaja, imbasan: *usahkan dia, ~nya pun tak nampak; ia dapat melihat hanya ~ kereta abangnya membelok di jalan itu*;

**sekelibat** = ~ mata seketika, sekelip mata, sepintas lalu, sekali imbas, selayang pandang: *di dalam cahaya pelita kelihatan ~ lembaga Pak Imam;*

**terkelibat** terbayang seketika atau sepintas lalu; **kelebat**.

**kelibut**; *kelibang*~; □□□**kelibang**.

**kelicap** sj burung;

~ *bakau* = ~ *belancam* sj burung, *Nectarinia calcostetha*; ~ *belukar* sj burung a) *Anthreptes s. singalensis*; b) burung cegar, *Enicurus ruficapillus*; c) merbah sampah kuning, *Macronus g. gularis*; ~ *berjambul* sj burung, pipit anggerik, *Yuhina zantholeuca interposita*; ~ *bunga kantan* = ~ *mas* sj burung, *Stachyris spp.*; ~ *gunung* = ~ *merah* sj burung, *Aethopyga spp.*; ~ *jantung* = ~ *pisang* sj burung, *Arachnothera spp.*; ~ *kunyit* sj burung, *Aegithina tiphia micromelaena*; ~ *mayang kelapa* = ~ *belukar* = ~ *kelabu* = ~ *rimba* sj burung, *Anthreptes spp.*; ~ *perepat* sj burung, *Gerygone sulphurea*; ~ *pucat pisang* sj burung, kacici, *Orthotomus a. atrogularis*; ~ *ranting* sj burung, *Muscicapa tickelliae sumatrensis*.

**kelici I** sj tumbuhan (akar memanjat), *Acacia pseudointsia*; ~ *rimba* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kuku lang, darah belut, gorek, kulang, maticang, mentiung, tampu, rengat, *Mezoneuron sumatranum*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kacang betina, *Rourepsis pubinervis*.

**kelici II** 1. buah yg bulat keras (dibuat mainan dll); 2. guli, gundu, kelereng.

**kelicu**□□□**kicu**.

**kelidai** sj kayu yg sangat keras;□□□**kenidai**.

**keliding** Ph alat utk membuat periuk belanga drpd tanah, gelinding.



**kelido** Sr senduk (drpd kayu), sudip.

**kelih** dapat melihat, celik (mata); *tidak ~ mau tengok* prb mahukan hasil (faedah) tetapi tidak mahu berikhtiar utk mendapatkannya;

**mengelih** melihat, menyaksikan, mengawasi.

**kelik I** kelok, liku;

**mengelik** mengalihkan (menggerakkan, mengelakkan) sedikit tubuh (utk mengelakkan tikaman, pukulan, dll): *sebaik-baik sahaja Ali menikam, Kassim pun ~;*

**mengelikkan** mengelakkan atau menghindarkan (tikaman, pukulan, dll) dgn mengelik.

**kelik II; terkelik** menggerodak, berbunyi (perut) sebab lapar.

**kelik III** K1 balik, pulang.

**kelikah, kelikat** tabiat; □ □ □ **khalikah**.

**kelikih, keliki** Mn buah betik, kepaya.

**kelikir I 1.** gelung-gelung rotan, lingkaran-lingkaran (drpd rotan dll) pd kemudi atau tiang kapal; ~ *dayung* gelung yg mengikat dayung pd keliti atau pemegangnya; **2.** gelung (drpd rotan dll) yg dipasangkan (dicucukkan) pd hidung kerbau, kili-kili; *kena ~ ki* berada di bawah kuasa seseorang, terbelenggu (dikuasai orang); *putus ~ rompong hidung* prb sengketa yg tidak dapat diselesaikan (diperdamaikan) lagi.

**kelikir II** = *batu* ~ batu kecil-kecil (digunakan utk membuat jalan raya); *intan disangkakan batu* ~ prb tidak tahu menghargai sesuatu; □ □ □ **kerikil**.

**kelik-kelik** Mn sj semut yg berbisa;

~ *dlm baju, musuh dlm selimut* prb musuh berhampiran dgn kita yg boleh menyusahkan (merosakkan) kita.

**keliling 1.** lingkungan di sekitar sesuatu (benda, tempat, dll); *di ~ di* kawasan (tempat-tempat dll) yg melingkungi atau melingkari sesuatu, di sekitar: *dibubuhnya baja di ~ pokok itu; hutan di ~ kampung itu menghasilkan kayu yg banyak;* **2.** garis sempadan yg melingkari sesuatu bidang (kawasan dsb): *~ tanah itu kira-kira seribu meter ukurannya;* **3. bp = berkeliling;**

*~-kelalang* terlalu asyik dgn sesuatu (lawak dll) sehingga kurang dapat mengawal telatah diri: *mak pandai melawak, orang ~ geli hati dibuatnya; pertanyaan ~ pertanyaan-pertanyaan yg dikemukakan setelah selesai sesuatu rapat umum; tujuh ~ sj* penyakit kepala (menyebabkan kepala sangat pening);

**sekeliling** segalanya di sekitar sesuatu, di merata tempat (setiap arah) di sekitar sesuatu, sekitar: *keadaan ~ senyap sunyi; udara ~ sangat sejuk; di ~ di* merata tempat (di setiap arah), di sekitar sesuatu, di sekitar (seluruhnya): *segala apa yg berlaku di ~nya tidak menarik hatinya;*

*~ pinggang* (bkn hutang dll) sangat banyak;

**berkeliling 1.** bergerak melingkari atau di sekitar sesuatu (tempat, benda, dll): *baginda pun beraraklah tujuh kali ~ kota;* **2.** berjalan berpusing-pusing (ke merata arah dan tempat), berjalan dsb merata tempat: *maka Laksamana pun ~ mencari, tiada juga bertemu;*

**mengelilingi 1.** berada (bergerak) di sekitar sesuatu tempat dll, melingkari, mengedari: *lima orang pemuda sedang ~ meja itu; bumi ~ matahari;* **2.** menjelajah; *~ dunia pergi* (berkunjung) ke tempat-tempat sekeliling dunia, menjelajah dunia;

**mengelilingkan** membawa berkeliling (dr suatu tempat ke suatu tempat lain atau dr seorang ke seorang hingga berbalik semula ke

tempat asal), mengedarkan: *seorang pelayan pejabat sedang ~ surat rayuan kutipan derma itu;*

**pekeliling**; *jalan* ~ jalan yg (mengikut haluan yg) berpusing atau beredar; *surat* ~ surat rasmi tentang sesuatu perkara yg diedarkan utk pengetahuan umum (atau utk tindakan pihak-pihak tertentu): ~ *Perkhidmatan*.

**kelilip** Jw benda yg termasuk ke dlm mata (spt debu, pasir, dll);

**kelilipan** termasuk ke dlm mata (debu, pasir, dll).

**kelim I** lipatan pd tepi kain yg dijahit; ~ *Betawi* kelim dua kali (digunakan pd kain yg halus); ~ *lapis* sj kelim yg digunakan pd kain kasar; ~ *papan* sj kelim yg pipih (bagi kain benang yg halus); ~ *sambung* sj kelim yg digunakan apabila menyambung dua bahagian badan baju; ~ *tindih kasih* kelim yg di dalamnya dilapik dgn pita;

**berkelim** ada kelimnya, berlipatan (yg dijahitkan);

**mengelim** menjahit kelim: *kain ini cantik rupanya, senang menjahitnya dan ~ tepinya;*

**pengelim** alat utk mengelim (pd mesin jahit).

**kelim II** pintalan (pilinan) pd tepi kulit karipap dsb yg telah dicantumkan utk mengejapkan cantumannya (supaya tidak dimasuki minyak dsb).

**kelima**; ~ *paya* sj tumbuhan (herba), kesum, kesuma, tebuk seludang, tuba seluang, *Polygonum pubescens (fiacidum)*.

**kelimpanan** Mn kelilip.

**kelimun** himpunan orang ramai, kerumun.

**kelimut**; *kelam*~; □ □ □ **kelam I**.

**kelinang** (Muz) sj canang yg digunakan dlm pertunjukan wayang kulit Melayu.

**kelinci** sj binatang yg mengunggis, arnab, terwelu, *Oryctolagus cuniculus*.

**kelincir** □ □ □ **gelincir**.

**kelindan I** 1. benang yg masih dipintal, benang bagi tali pemutar jentera atau kincir; 2. tali atau benang berpintal utk menggerakkan jentera (roda penggulung benang); 3. benang jahitan yg sedia tercucuk pd jarum;

*jahit sudah, ~ putus* prb selesai semuanya; *lalu penjahit, lalu ~* prb apabila berhasil usaha yg mula-mula usaha yg berikut pun akan berhasil juga.

**kelindan II** alat menggulung benang, gelendong.

**kelindan III** pembantu pemandu lori: *~ lori itu melambai-lambaikan tangannya tiada memberi kami memotong lorinya.*

**kelindan IV; terkelindan** berasa (terasa) tidak puas atau tidak senang hati (kerana atau kalau tidak dapat berbuat sesuatu yg diinginkan), terkilan, terbuku (dlm hati): *spt ada yg ~ dlm hatinya kalau tidak dicakapkannya hal itu.*

**kelindas** Jk tergelek, tergilas; □ □ □ **lindas**.

**kelinding** □ □ □ **gelinding**.

**keling I** IB paku besi yg berkepala dua (utk melekatkan dua keping besi); **mengeling** melekatkan (menyatukan) besi dgn menggunakan keling.

**keling II** sl sj kapal.

**Keling III** 1. sl sebuah empayar di pantai Coromandel Semenanjung India, yg disebut Kalinga dan Telingana, yg terkenal dgn pelayar atau pedagang yg datang ke Asia Tenggara seawal abad ke-3: *maka kata Bendahara, "Apa maksud Orang Kaya Saudagar datang ke Melaka ini, kerana tanah ~ dan tanah Melaka ini terlalu jauh pelayaran?"*; 2. sl panggilan bagi orang (pedagang, pelayar) yg berasal dari Kalinga dan Telingana yg datang ke Tanah Melayu seawal abad ke-3: *adapun*

*pd masa itu Belanda dan orang Cina dan orang ~ pun semuanya datang persembahkan segala permainannya berbagai-bagai rupanya dan lakunya; 3. Kd, Pn orang India yg beragama Islam; ~ pelikat orang India yg beragama Islam.*

**kelingkam** □ □ □ **kerikam**.

**kelingsir I** Jk penyakit burut (menyebabkan buah pelir menjadi besar).

**kelingsir II** □ □ □ **gelingsir**.

**kelinjat** Mn ark; **terkelinjat-kelinjat** tergerak-gerak (gementar) tubuhnya kerana terperanjat.

**kelintang** buah kelur; □ □ □ **kelentang**.

**kelintar** Jw; **kelintaran, berkelintaran** berjalan (bergerak) berkeliling atau berulang-alik, bergerak ke sana sini: *segala unggas mergastua berterbangan dan berkelintaran mencari mangsanya.*

**kelinting I** Jw = **kelintingan** sj loceng kecil, giring-giring.

**kelinting II** sj tumbuhan (pokok), kelating, *Camptosperma griffithii*.

**kelip I = kelipan;**

**sekelip;** ~ *mata sekejap mata (sekedip mata), sesaat: dgn ~ mata sahaja dompet wang itu telah disambar orang;*

**berkelip, terkelip** tertutup sesaat sebelum terbuka semula (bkn mata), berkedip, terkedip; *tidak ~ tidak tertutup (mata) seketika pun (spt mata orang yg sedang merenung sesuatu);*

**berkelip-kelip, terkelip-kelip** kejam (pejam) celik dgn pantas (bkn mata), seketika terang seketika padam (bkn lampu), berkedip-kedip, terkedip-kedip (bkn mata, lampu, dll), gemerlapan (bintang dll): *matanya terkelip-kelip spt orang kesilauan;*

**berkelipan** berkilauan, gemerlapan: *bintang-bintang nampak ~ di angkasa;*

**mengelipkan;** ~ *mata* mengejamkan mata sesaat sahaja (dan membukanya kembali), mengedipkan mata, mengejamkan mata;

**kelipan** perihal berkelip, gerakan (mata) berkelip, kejapan (mata dll): *bertemulah dua pasang mata tanpa ~, membayangkan isi hati;*

**kerlip I.**

**kelip II** = *wang* ~ Id sj duit syiling (bernilai 5 sen).

**kelip-kelip I** sj serangga yg bersayap (tubuhnya mengeluarkan cahaya yg berkedip-kedip); *bagai ~ terbang malam* prb rahsia yg sudah diketahui orang.

**kelip-kelip II** sj kertas berkilat (berwarna emas, perak, dll) yg dibuat perhiasan, jemeki, kida-kida, labuci.

**kelipar I** □ □ □ **gelipar.**

**kelipar II** Kl 1. alpa, cuai, lalai (hingga menyebabkan kehilangan atau kecurian sesuatu); 2. berjumpa, bertemu.

**kelipat** Mn lipatan, kelepet;

**berkelipat** berlipat; *tak ~ perut* prb tidak boleh menyembunyikan sesuatu atau menyimpan rahsia.

**kelipuh** sj tumbuhan; □ □ □ **kelipuk.**

**kelipuk** sj tumbuhan (herba air dan bunganya), kelipuh, ati-ati payah, seroja biru, telepuk, teratai kecil, tunjung biru, *Nymphaea stellata*; ~ *padang* sj tumbuhan (herba), keladi air, *Sagittaria guayanensis*.

**kelipuk-kelipuk** Pr terkelip-kelip, terkedip-kedip, kejam celik (mata).

**kelir I** 1. tirai wayang kulit, tirai (layar putih) utk tayangan wayang gambar; 2. ki sesuatu (helah, muslihat, dll) utk menyembunyikan tujuan yg sebenar; *bermain di belakang* ~ prb memimpin dgn diam-diam (secara sulit).

**kelir II** IB, bp warna; *potelod* ~ pensel berwarna;

**dikelir** diwarnai (dgn cat dll).

**keliru 1.** salah (menganggap atau membuat kesimpulan), khilaf, sesat (tanggapan): *sikap masyarakat yg ~ mengenai pergaulan pemuda-pemudi adalah dikesalkan; ~ tangkap salah tangkap; 2.* tertukar (kerana menyangkakan yg lain itu miliknya): *~ dgn barang orang lain;*

**mengelirukan 1.** menyebabkan keliru, mengacaukan, menyesatkan (tanggapan): *penggunaan istilah ini selalu ~ kerana ertinya luas; ucapannya itu boleh ~ orang-orang kampung di situ; 2.* mengatakan keliru (khilaf dll), menyalahkan: *orang itu ~ ucapannya;*

**terkeliru** tersalah (pd membuat anggapan atau kesimpulan), terkhilaf, tersesat: *sangkaannya itu ~ semata-mata; beliau menuduh komunis menggunakan pelajar-pelajar yg ~ utk menyebarkan faham komunis;*

**kekeliruan** kesalahan (pd membuat anggapan atau kesimpulan), kekhilafan, kekusutan: *penjelasannya telah menghilangkan ~ mengenai rancangan itu;*

**pengeliruan** perbuatan mengelirukan: *penyelewengan, pendustaan, dan ~ oleh musuh-musuh Islam.*

**kelis; mengelis** mengalihkan (mengetepikan) diri dgn pantas (utk mengelakkan pukulan dll), mengelik, mengelit.

**kelisa I;** *kacang* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), kacang botor, kacang belimbing, *Psophocarpus tetragonolobus*.

**kelisa II** sj ikan darat, *Scleropages formosus*.

**kelisa III** ark gereja, rumah berhala.

**kelit; berkelit** mengalihkan (mengetepikan) diri dgn pantas (utk mengelakkan pukulan, memberi laluan kpd seseorang dll), mengelik, menyisi,

**berkelit-kelit** mengelik berkali-kali, berkali-kali menghindarkan (mengalihkan) diri dgn pantas;

**mengelit** mengundurkan (mengalihkan) diri dgn pantas (utk mengelakkan pukulan, tikaman, dll), mengelik, mengelis;

**mengelitkan** mengelakkan atau menyisikan (diri) dgn pantas, mengundurkan atau menyembunyikan (diri) dgn cepat, mengelikkan.

**keliti** penyangkut pengayuh (dayung) di sisi perahu; **kediti**.

**kelitik** Jw; *wayang* ~ wayang yg menggunakan patung kayu.

**keliut** □ □ □ **keriut II**.

**keliwat** terlalu, terlampau; □ □ □ **lewat**.

**kelkah** Kl penyelak pintu.

**kelmarin 1.** sehari sebelum hari ini, semalam: *hari ini hari Khamis, ~ hari Rabu*; **2.** dua hari sebelum hari ini, sehari sebelum semalam: *hari ini hari Khamis, jadi ~ hari Selasa*; **3.** beberapa hari (minggu) yg lepas: *dia sedang dirawat di rumah sakit kerana dilanggar kereta ~; ~ dulu* Kd, Pn dua hari sebelum hari ini; *~ dulu balik sana* Kd tiga hari sebelum hari ini.

**kelobak** Mn; **terkelobak** terkeloyak, terkupas (kulit); □ □ □ **kobak I**.

**kelobot** Jw kelongsong jagung (utk menggulung rokok).

**kelocak I; mengelocak** mengelupas (kulit dll), terkelupas.

**kelocak II; berkelocak** bergoncang (mis cecair di dlm bekas yg digoncangkan); □ □ □ **kocak I**.



**kelodak** kotoran spt habuk tanah, lumpur, pasir dsb yg mendak dan berkumpul di dasar sungai, longkang dsb;

**berkelodak** mengandungi atau dicemari kelodak: *air lebihan yg ~ mengalir terus ke sungai sehingga boleh merosakkan banyak hidupan akuatik;*

**pengelodakan** pembentukan atau pegenapan kelodak: *sebahagian besar ~ disebabkan pembangunan kerja tanah yg tidak terkawal oleh pemaju dan kontraktor yg tidak bertanggungjawab.*

**kelodan 1.** = panah ~ sl sj panah; **2.** sj bintang yg bergerak, tahi bintang.

**kelohok** □ □ □ **gelohok.**

**keloi I** sj tumbuhan (pokok renek), rami (seratnya dibuat tali), a) *Bohemeria nivea*; b) *Bohemeria tenacissima*.

**keloi II** Kd; *alat* ~ alat perhubungan elektronik utk memanggil seseorang; *perkhidmatan* ~ perkhidmatan utk memanggil seseorang melalui alat elektronik;

**mengeloi** memanggil.

**kelok** (kélok) liku, selekoh (jalan): *setelah ia hilang di ~ jalan, barulah kedua-duanya berpaling arah ke dlm rumah; kelang-- berliku-liku (bkn jalan, sungai);*

**berkelok** = **mengelok** bertukar haluan (ke kanan atau ke kiri), berbelok, membelok: *Tuan Hess ~ ke lorong arah pintu salun diikuti oleh*

*Encik Ramli;*

**berkelok-kelok 1.** banyak liku, berselekoh-selekoh (jalan bengkok-bengkok): *jalan ke tempat itu ~;* **2.** membelok berkali-kali (ke kanan dan ke kiri): *kapal itu belayar sambil ~ utk menghindarkan serangan kapal selam;*

**mengelok** berkelok;

**mengelokkan** 1. menjadi melengkung, melengkungkan, membengkokkan: ~ *dawai*; 2. mengubah haluan (ke kanan atau ke kiri), membelokkan.

**kelokak** □ □ □ **kelayak**.

**kelokok** bunyi ayam belanda;

**berkelokok** mengeluarkan bunyi kelokok (bkn ayam belanda), berbunyi kelokok: *ayam belanda itu ~ apabila diusik oleh budak-budak*.

**kelola; mengelola** mengarah dan mengawal (supaya sempurna perjalanan sesuatu, spt perusahaan, pejabat, dll), mengurus, menyelenggara: *pegawai-pegawai yg mengikuti kursus itu diajar cara-cara merancang, ~ dll supaya mereka menjadi pengurus yg cekap*;

**mengelolakan** mengarah dan mengawal perjalanan sesuatu (spt perusahaan, pejabat, dll), menyelenggarakan: *kursus tersebut dikelolakan oleh setiausaha kesatuan itu; diperlukan seorang yg berpengalaman utk ~ perusahaan baru itu*;

**kelolaan** arahan dan kawalan, selenggaraan: *susunan pentadbiran diatur semula di bawah ~ pegawai-pegawai kanan*;

**pengelolaan** perihal mengelola(kan), pengarahan dan pengawalan, pengurusan, penyelenggaraan: *beliau bertanggungjawab tentang perancangan dan ~ siaran agama melalui radio; ~ ladang pengurusan (penyelenggaraan) ladang*;

**pengelola** orang yg mengarah dan mengawal, pengurus, penyelenggara, pentadbir: ~ *sekolah-sekolah kebangsaan; ~ syarikat perniagaan*.

**keloloh** Kd, Pn kurang sopan atau tertib (kelakuan atau perkataan), tidak senonoh.

**kelolong; terkelolong** sl termengkelan.

**kelom** IB, bp kasut kayu, bakiak, terompah; **kelum II**.

**kelombeng** (kelombéng) Jk sj kuih (roti).

**kelomet** (kelomé) □ □ □ **kelumit**.

**kelompok 1.** kulit telur (buah dll) yg tidak berisi; **2.** kosong (tidak berisi);  
**3.** kecewa, hampa;

**kelompangan** keadaan kosong, kekosongan.

**kelompok** himpunan (beberapa orang, binatang, benda, dll), kumpulan (yg kecil bilangannya, jumlahnya, dsb), gugusan (awan, bintang): *di langit kelihatan ~-~ awan hitam bergerak perlahan-lahan menuju ke selatan; ~ bintang (pulau) gugusan bintang (pulau); ~ kata* beberapa perkataan yg dianggap sbg satu kumpulan (ikatan), rangkai kata;

**berkelompok** bersatu (berhimpun, bergabung) menjadi kelompok (golongan kecil dll), berkumpul (bkn orang dll), (berada) berdekatan atau berdampingan hingga merupakan suatu kelompok atau kumpulan kecil: *beberapa orang pekerja berehat ~ di bawah pokok;*

**berkelompok-kelompok** berhimpun atau berkumpul (terhimpun atau terkumpul) di dlm beberapa kelompok: *pekerja-pekerja tersebut diasing-asingkan ~ menurut tugas masing-masing;*

**mengelompokkan** menyatukan (mengumpulkan dsb) menjadi kelompok atau beberapa kelompok, membahagikan (mengasingkan) kpd beberapa kelompok atau kpd kelompok-kelompok tertentu, menjadikan berkelompok atau berkelompok-kelompok: *usaha ~ ilmu kpd bidang-bidangnya adalah utk tujuan pembentukan istilah dan perkamusan;*

**kelompokan** kelompok (himpunan, kumpulan kecil);

**kekelompokan** perihal atau keadaan kelompok;

**pengelompokan** perihal (perbuatan dsb) mengelompokkan.

**kelompong** bagian telefon tempat diletakkan gagangnya: *dia menyangkutkan kembali gagang telefon itu pd ~nya.*

**kelon** Jw; **mengelsoni** mendakap (memeluk) anak dll sambil berbaring; □ □ □ **elson**.

**kelona**, **kelonak** sj tumbuhan (pokok memanjat) akar kakup, kenana, *Dioscorea spp.*; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar banar (rebanar), akar lampu bukit, Smilax megacarpa; akar ~ betina sj tumbuhan (pokok memanjat), akar banar, akar gadung tikus, banar (canar) babi, gadung jantan, Smilax helferi.*

**kelonek** (kelonék) □ □ □ **kelonet**.

**keloneng** (kelonéng) bunyi spt bunyi loceng dll.

**kelonet** (kelonét); **sekelonet** sangat sedikit, sangat kecil, sekelumit.

**kelong** (kélong) I sj belat ikan yg terbahagi kpd beberapa sekatan atau kurung: *ikan-ikan yg melalui ~ itu terperangkap di dalamnya.*

**kelong** (kélong) II ark sj pantun Bugis;

**berkelong** berpantun cara Bugis, menyanyikan kelong.

**kelong** (kélong) III 1. Kl, Tr tipu, kecoh; 2. Tr berkepul-kepul (bkn asap): *kamu membakar apa, sampai ~.*

**kelongkang** kayu dll yg dipasang pd leher kerbau atau lembu utk mencegahnya pergi (merayau) ke mana-mana.

**kelongkong** 1. tempurung kelapa yg masih lembut; *nyiur ~ nyiur yg masih muda (isinya nipis dan lunak); 2. = kelongkongan* buah kelapa yg sudah dimakan tupai; **kelengkuk**.

**kelongsong** pembalut atau pembungkus yg berbentuk bulat torak (spt bentuk silinder) atau bulat tirus (spt bentuk kon), belongsong: *kacang goreng itu segera dimasukkannya ke dlm ~ kertas*;  
~ *azimat* kelongsong logam berisi azimat yg dipakai sama ada di lengan, leher atau pinggang; ~ *jagung* daun yg membalut tongkol jagung; ~ *sirih* tempat sirih (yg bulat dan panjang bentuknya), jorong; ~ *ular* kulit nipis yg tertanggal ketika ular bersalin kulit, selumur ular.

**kelongsor** □ □ □ **gelongsor**.

**kelongsong** □ □ **kelongsong**.

**kelontang 1.** bunyi spt bunyi tin dipalu; **2.** sj alat yg dibunyikan utk menghalau atau menakutkan burung (di bendang dll).

**kelontong I** sj alat yg digunakan oleh penjaja (utk menarik perhatian pembeli), kelentong; *barang-barang* ~ barang-barang kecil utk penggunaan hari-hari (spt benang, jarum, sikat, dll); *kedai (toko)* ~ kedai (toko) yg menjual barang-barang kelontong; *tukang* ~ penjaja (penggalas) barang-barang kelontong.

**kelontong II** Kl, Tr **1.** buah (spt durian, kelapa, dll) yg telah ditebuk dan dimakan isinya (oleh binatang); **2.** ki telah dicabuli (gadis), sudah hilang gadisnya, bernoda; **3.** ki kosong, tidak berisi (bkn karangan, percakapan, dll).

**kelonyor**; *air (minyak)* ~ bp sj air yg harum baunya (*eau-de-Cologne*).

**kelop** bp cocok (sesuai), tepat, tidak berlainan; **klop**.

**kelopak I** sesuatu yg tipis yg menjadi penutup atau pembalut;

~ *buluh* (rebung) pembalut buluh (rebung) yg masih muda; ~ *bunga* bahagian yg berwarna terang pd bunga; ~ *jantung* pembalut jantung

pisang; ~ *mata* bahagian di antara kening dgn mata (yg menutupi mata), pelupuk mata; ~ *salak* kulit buah salak;

*spt* ~ *pandan* prb menyatakan kecantikan (keelokan) tubuh dsb seseorang perempuan: *betisnya spt ~ pandan*, *lehernya spt gambar dilarik*; *tinggal ~ salak* prb habis segala harta (kerana kecurian dsb atau kerugian dlm perniagaan);

**berkelopak** mempunyai kelopak;

**mengelopak, terkelopak** terbuka (terkembang) kulit penutupnya.

**kelopak II**; *burung ~ pinang* sj burung, *Sitta frontalis*.

**kelorah** keruh, kotor (air).

**kelorak** sj tumbuhan (pokok memanjat); *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpit), rumput kelurat, rumput kerurut, *Lophatherum gracile*.

**kelorek** (kelorék) Kl, Tr sangat berkira-kira dlm membelanjakan wang, bakhil, kedekut, kikir: *saudagar itu ~ orangnya*.

**kelos** IB gelendong, kumparan, gulungan benang.

**kelotak**; **mengelotak** mengopek (mengupas) kulit buah yg keras, mengelotok, menggelotak; ~ *kelapa* mengopek (menanggalkan) tempurung buah kelapa drpd isinya; **gelotak, kelotok**.

**kelotok**; **mengelotok** mengelotak; □ □ □ **kelotak**.

**keloyak**; **berkeloyak** tanggal kulitnya (bkn buah, daging, dll), mengelupas (kulit);

**terkeloyak** tertanggal, terkupas (kulit), tersiat (kulit).

**keloyang 1.** sj burung, burung takau, burung seluwit, *Calyptomena viridis*;

**2.** sj burung, burung koran, perling, *Aplonis panayensis strigatus*.

**kelu** = ~ *lidah 1.* tidak dapat berkata-kata (kerana ketakutan, terkejut, dll): *mendengar kata-katanya itu, ~lah lidah saya*; **2.** Kl sangat bodoh, bingung: *jangan disuruh budak yg ~ itu*;

- mengelukan** menjadikan kelu, menyebabkan tidak dapat berkata-kata; ~ *diri* mendiamkan diri (tidak berkata-kata);
- terkelu** tidak terkata-kata, terdiam (tidak dapat berkata-kata);
- kekeluan** perihal atau keadaan kelu: *setiap kali mulutnya berkumatakamit hendak berkata, setiap kali pula ~ timbul.*
- keluai**; *musang* ~ sj binatang, luak, musang pulut, musang sebarau, *Paradoexurus leucomystax.*
- keluak**; *buah* ~ sj tumbuhan (pokok dan buahnya), kepayang, payang, *Pangium edule.*
- keluan** Mn tali yg dicucukkan pd hidung kerbau (lembu);  
*bagai jawi ditarik* ~ prb menurut sahaja semuanya; *menjilat* ~ *bagai kerbau* prb sangat kecewa (kerana tidak tercapai yg diharapkan); *putus tali putus* ~, *putus* ~ *rampung hidung* prb perhubungan persaudaraan (kekeluargaan) yg telah putus sama sekali (kerana perselisihan);
- mengeluani** memasang keluan (pd hidung kerbau, lembu dsb): *rasa tak mengapa hidung dikeluani.*
- keluang** sj kelawar besar (makanannya buah-buahan), kalung kelambit, *Pterocarpus edulis*; *bagai* ~ *bebar petang* prb berkerumun (berhimpun) beramai-ramai.
- keluangsa** sl keluarga (orang baik-baik), sanak-saudara.
- keluar** **1.** bergerak (beralih dll) dr sebelah dlm sesuatu (bangunan, bilik, kawasan, dll) ke sebelah luarnya: *pegawai-pegawai itu belum lagi ~ dr bilik mesyuarat*; **2.** muncul, menampakkan diri (dr berkurung dll): *sejak kematian isterinya, ia tidak pernah ~*; **3.** meninggalkan rumah utk pergi ke sesuatu tempat atau utk bersiar-siar: *dia ~ selepas makan tadi dan mungkin akan pulang sejam lagi*; **4.** timbul (muncul,

mengalir, dll) dr bawah permukaan (air, tanah, dll) atau dr dlm daging (tubuh dll): *cacing itu ~ perlahan-perlahan dr dlm tanah dan menguit-nguit; serpih halus kaca yg terbenam di tapak kakinya dapat juga dicungkilnya ~; cederanya parah dan darah ~ mencurah-curah*; **5.** diumumkan (melalui siaran akhbar, radio, dsb), diterbitkan utk pagedaran (kpd orang ramai dsb): *bukunya yg terbaru akan ~ awal bulan depan; laporan lanjut jawatankuasa tersebut akan ~ tidak lama lagi*; **6.** dilafazkan, diucapkan (kata-kata), dilahirkan (perasaan, isi hati, dsb): *kata-kata yg sayu itu ~ dgn suara yg putus-putus*; **7.** berhenti drpd menjadi anggota (persatuan dsb), berhenti drpd berkhidmat atau bersekutu (dgn sesebuah syarikat, jabatan, dll), meninggalkan (pekerjaan, persatuan, dll): *ia ~ dr syarikat itu utk membuka perniagaan sendiri; pengerusi kesatuan itu telah meletakkan jawatan dan terus ~ dr kesatuan*; **8.** ark muncul (sbg pemenang dlm pertandingan); **9.** sl di luar;

~ *batas* menyeleweng atau menyimpang (drpd tajuk atau perkara yg diperbincangkan dll); ~ *hutan* keluar dr hutan;

**mengeluari** keluar utk mendapatkan (menentang) musuh: *setelah orang Portugis itu mendarat, maka dikeluاري oleh barisan orang Melaka*;

**mengeluarkan** **1.** membawa atau menyebabkan keluar dr sebelah dlm sesuatu (mis bangunan, bilik, bekas, tubuh, dll) ke sebelah luarnya: ~ *alat perkakas dr dlm bilik itu dan meletakkannya ke ruang tengah rumah itu; dia ~ kotak rokok dr dlm saku baju; ~ sedikit darah dr tubuh pesakit; ~ air mata* menangis; **2.** menyebabkan keluar (tercabut, muncul, terurai) sesuatu yg tertanam atau terbenam: *dicungkil-cungkilnya dgn hujung pisau utk ~ duri itu*



*dr ibu jarinya; doktor akan berusaha utk ~ peluru itu dr dadanya; 3. menyingkirkan, memisahkan (dr kumpulan dll): Parti Komunis Indonesia mengalu-alukan dan menyokong penuh keputusan Presiden Sukarno hendak ~ Indonesia dr P.B.B.; dia mesti dikeluarkan dr kampung ini; 4. memecat (ahli, pegawai, dll), memberhentikan dr jawatan (kedudukan dll): pegawai itu telah dikeluarkan kerana curang; 5. mengumumkan (biasanya melalui siaran radio, akhbar, surat pekeliling, dll): ~ arahan dan peraturan baru kpd kakitangan kerajaan; kerajaan telah ~ perintah berkurung di kawasan itu; 6. melahirkan atau menyatakan (perasaan, pendapat, dll), mengucapkan (kata-kata): ia pun menaruh dendam dlm hatinya, tiada dikeluarkannya pd seorang jua pun; ia sendiri tidak mahu ~ kata-kata yg menambahkan kerisauan hati anaknya; 7. membelanjakan: mereka terpaksa ~ wang yg banyak utk pelajaran anak-anak mereka; 8. mengadakan, menyediakan (wang dll); ~ modal mengadakan modal; 9. menerbitkan (buku, majalah, dll): Dewan Bahasa dan Pustaka telah ~ banyak buku pelajaran utk sekolah-sekolah; 10. menghasilkan (galian, barang-barang mentah, dll): Malaysia ialah negara yg paling banyak ~ bijih timah dan getah asli; ladang pun belum pula ~ apa-apa yg boleh dijadikan wang; 11. Id mengeksport, menghantar (barang dagangan) ke luar negeri;*

**terkeluar 1.** (kelihatan atau terdapat) berada di sebelah luar sesuatu: *beg duitnya ~ sedikit dr saku belakang seluarnya; 2. dapat dikeluarkan (dicabut, dicungkil, dsb) drpd tempat sesuatu itu terbenam (tertanam dsb), tertanggal keluar dr lubang (celah dsb): akhirnya setelah dicungkil-cungkilnya ~ juga butir tulang itu dr*

*celah giginya*; **3.** tersingkir (drpd kumpulan, pertubuhan, dsb), terasing atau terpisah (drpd sesuatu golongan, aliran, dsb): *cara hidupnya yg sangat berlainan itu menyebabkan dia ~ drpd masyarakatnya sendiri*; **4.** tidak terlibat (terkait), tidak ada pertalian (dgn sesuatu), tidak kena-mengena dgn: *hakim mahkamah harus ~ drpd pertelingkahan politik*; **5.** disebut atau diucapkan (dgn tidak berapa disedari ataupun dgn tidak difikir-fikirkan terlebih dahulu), terlafaz, terhambur: *ketika ia marah itulah ~ kata-kata yg kurang manis didengar*;

**keluaran 1.** yg dikeluarkan (dihasilkan): *beliau menyeru rakyat supaya lebih banyak membeli barang-barang ~ dlm negeri*; **2.** yg diterbitkan (bkn buku, majalah, dsb): *majalah ~ bulan lepas*; **3.** yg telah lulus dr (maktab dsb), yg terdidik atau terlatih di, lepasan: *guru-guru ~ maktab latihan dan universiti*;

*orang* ~ a) orang yg tidak ada sangkut paut, orang yg tidak termasuk dlm atau berkaitan dgn sesuatu (perkara, kumpulan, dll), orang luar; b) sl orang yg di luar golongan (lingkungan) istana: *akan anakanda ini terlalulah sekali baik parasnya pd hati beta tiada patut ia bersuami orang ~*; ~ *negara* (Eko) jumlah nilai barang dan perkhidmatan yg dikeluarkan oleh unit ekonomi dlm sesebuah negara dlm satu tempoh tertentu, biasanya setahun; ~ *negara bersih* (Eko) nilai semua barang dan perkhidmatan akhir pd kos faktor dlm satu tempoh tertentu setelah ditolak susut nilai; ~ *negara kasar* (Eko) nilai semua barang dan perkhidmatan akhir pd harga pasaran dlm satu tempoh tertentu sebelum ditolak susut nilai;

**pengeluaran** perihal mengeluarkan, usaha (proses) menghasilkan, penghasilan: *ekonomi negeri kita bergantung pd ~ barangan utama*

*spt getah, minyak dan bijih timah; ~ barang-barang itu terganggu kerana pemogokan;*

**pengeluar 1.** usahawan (syarikat, negara, dsb) yg mengeluarkan (menghasilkan) sesuatu: *~~ bahan mentah sering kali menghadapi masalah akibat kemerosotan harga;* **2.** yg mengeluarkan (menghasilkan): *negara-negara ~ kelapa yg penting ialah Filipina dan Indonesia.*

**keluarga 1.** = *kaum ~ saudara-mara, kaum kerabat, sanak saudara: ia sekarang telah berjauhan dr kaum ~nya; ~ diraja sanak saudara raja yg memerintah; ~ sedarah* sekalian orang yg mempunyai perhubungan keturunan antara satu sama lain (sama nenek moyang mereka); *~ semenda* sekalian orang yg bertalian (menjadi sanak saudara) kerana perkahwinan; **2.** seisi rumah tangga (yg terdiri drpd suami dan isteri atau berserta anak-anak), kelamin, famili: *ada beberapa ~ sahaja dlm kampung itu yg hidup mewah; ia berasal drpd ~ yg kaya; kepala ~ orang yg menjadi kepala (ketua) isi rumah tangga;* **3.** saudara; *~ angkat* saudara angkat; **4.** kelas hidup-hidupan, famili: *~ merpati; ~ reptilia;*

**berkeluarga 1.** mempunyai keluarga (famili, sanak saudara), bersaudara-mara, berkerabat, bersanak saudara: *rumah itu tempat penginapan segala dagang yg gharib yg tiada ~;* **2.** berumah tangga dan hidup berkeluarga, berkelamin, beranak bini, berfamili: *tak akan kau membujang selama-lamanya, suatu masa nanti akan ~ juga;*

**kekeluargaan** yg berkaitan dgn keluarga atau hubungan sbg anggota di dlm sesuatu keluarga (berasaskan perhubungan keturunan atau disebabkan perkahwinan): *itu urusan dan masalah ~ semata-mata; hubungan ~ hubungan atau pertalian antara seorang dgn*

seorang yg lain sbg anggota sesuatu keluarga (famili, kaum kerabat, dsb);

**perkeluargaan** persaudaraan, perhubungan (pertalian, yg bersangkutan dgn) keluarga.

**keluat** khalwat.

**kelub** □ □ □ **kelab**.

**kelubi** sj tumbuhan (palma), asam paya, salak hutan, *Zalacca conferta*.

**kelubu** sj tumbuhan (pokok memanjat), *Caesalpinia bonducella*.

**kelubung I** sesuatu (spt kain dll) sbg pembungkus atau penutup, selubung;

**berkelubung** bertutup (hampir) seluruh tubuh dan anggota dgn kain dll, berselubung: *Bibah sedang duduk ~ dan hanya nampak matanya sahaja*;

**mengelubungi 1.** menutup (hampir) seluruh tubuh dan anggota dgn kain dll, menyelubungi; **2.** ki meliputi: *kabut yg ~ kawasan sekeliling*.

**kelubung II;** *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpun), janggut (tongkat) Ali, rumput paha belalang, rumput sarung pipit, terubung, *Panicum sarmentosum*.

**keluburan** lubang utk memerangkap gajah dll.

**kelucuk** □ □ □ **kelocak I.**

**keluh** = ~-kesah **1.** kata-kata dsb yg melahirkan rasa sedih (kerana menderita sesuatu), rintihan; **2.** = **berkeluh-kesah** melahirkan rasa sedih atau susah hati (dgn kata-kata rintihan atau suara merintih), mengeluarkan rasa hati (yg berkaitan dgn kesusahan atau penderitaan yg dialami); **3.** = **berkeluh-kesah** tidak tenteram fikiran (kerana kesedihan, penderitaan, kebimbangan, dsb), gelisah: *maka Tuanku Malim Deman tiadalah matanya beradu, ~-kesah seorang*

*dirinya; keadaan kemarau yg berterusan itu membuat kaum petani di daerah itu berkeluh-kesah; ~-kesah sayu keluh-kesah yg menunjukkan kesedihan (dgn kata-kata yg sayu);*

*~(-kesah) tidur di kasur, berkeruh di lapik penjemuran prb Mn kemewahan (kemuliaan) tidak sentiasa mendatangkan kebahagiaan manakala kemiskinan ada kalanya memberi kesenangan;*

**berkeluh = mengeluh;**

**mengeluh** melahirkan rasa dukacita atau sedih (kerana sesuatu penderitaan, kemusykilan, dsb), berkeluh-kesah, merintih: *kenaikan harga barang menyebabkan orang-orang kampung ~; dia termenung panjang lalu ~;*

**mengeluhkan** mengeluh tentang sesuatu perkara (keadaan dsb) yg mendukacitakan, merintihkan: *ia ~ kepincangan-kepincangan dlm masyarakatnya;*

**keluhan** **1.** kata-kata mengeluh, keluh-kesah, rintihan: *~ dan sungutan ini memang perkara biasa, tidak menghairankan lagi;* **2.** tarikan serta hembusan nafas yg panjang (sbg menandakan kesedihan, kekesalan atau penderitaan): *yg terdengar hanya ~nya;*

**kekeluhan** perihal mengeluh: *nada ~;*

**pengeluh** **1.** orang yg suka (kerap) mengeluh; **2.** bersifat suka mengeluh.

**kelui I** □ □ **keloi I.**

**kelui II** □ □ **keloi II.**

**keluih** Jk sj tumbuhan (pokok), pohon kulur, pohon sukun biji, pohon timbul, *Artocarpus communis.*

**keluik** sj tumbuhan (pokok), bayur, kelenut, *Pterocymbium javanicum.*

**keluk 1.** lengkung; **2.** garis yg melengkung bentuknya (dlm graf, rajah, dll);

~-*lekuk* ki perbuatan curang (tidak jujur);

**berkeluk 1.** berbentuk melengkung, melengkung;

**berkeluk-keluk 1.** berbentuk melengkung-lengkung;

**mengelukkan** menjadikan melengkung, melengkungkan: ~ *dawai*.

**kelukub** □ **kerukup.**

**kelukup** sj tumbuhan (pokok), *Shorea eximia*.

**kelukur** Mn; **berkelukur**, **berkelukuran** melecet kulitnya, terkelupas, tergaris (kulit).

**keluli** besi baja (waja).

**kelulu**; *tidak* ~ tidak wajar atau selayaknya, tidak patut (tidak berkira-kira, berfikir-fikir atau berhati-hati): *ia menghempaskan diri bertalu-talu, melolong, menangis tidak* ~.

**kelulus** sl sj perahu.

**kelulut I** sj tumbuhan (pokok renek), pepulut, pulut-pulut, pulut lembu, *Urena lobata*; ~ *merah* sj tumbuhan (herba), *Cyathula prostrata*; ~ *putih* sj tumbuhan pokok (renek), pokok lidah ular, ketumbar hutan, *Sida acuta*; akar ~ = *rumput* ~ sj tumbuhan (herba), *Fuirena glomerata*.

**kelulut II** sj tabuan kecil, *Melipona minuta*.

**kelulut III** sj serangga, *Laccifer lacca*.

**kelum I** termasuk ke dlm tepinya atau pinggirnya (bkn bibir dll).

**kelum II** kasut kayu; **kelom.**

**kelumbai** sj tumbuhan (pokok), *Crataeva macrocarpa*.

**kelumbang** □ □ □ **kelubung I.**

**kelumit** Jk; **sekelumit** sedikit atau kecil sekali, sejempit, sekelonet: ~ *rasa rindu yg terpendam, dan sekilas pandangan yg manja.*

**kelumpang 1.** sj tumbuhan (pokok), kelumpang, *Sterculia foetida*; **2.** = ~ *burung* sj tumbuhan (pokok), perupuk, rongga jantan, unting-unting, *Sterculia parviflora*; **3.** = ~ *keras* sj tumbuhan (pokok), katak udang, otak udang, *Buchanania lucida*.

**kelumun** Mn kelubung, selubung;

**berkelumun** berkelubung, berselubung;

**mengelumuni** mengelubungi, menyelubungi, meliputi.

**kelun** Jw; **berkelun, berkelun-kelun** berkepul-kepul (asap), bergelung-gelung (bkn asap yg menuju ke udara), menabun (asap): *wap panas ~ keluar drpd roti yg baru dihidangkan.*

**keluna** sj ikan laut.

**kelung I** lengkung atau lekuk di tengah-tengah (pd perisai dll); *piring ~ piring yg melengkung ke dlm di tengah-tengah, piring dalam;*

**berkelung** berkeluk, melengkung (ke dlm): *permukaan air di dlm saluran itu ~ membentuk meniskus.*

**kelung II** lingkaran (drpd rotan dll); □□**gelung I.**

**kelunut**□□□**kelenut.**

**kelupas I; mengelupas** = **berkelupas, terkelupas** terkupas atau tertanggal (kulit, cat, dll): *beberapa minggu selepas bayi itu dilahirkan, kulitnya ~;*

**mengelupaskan** menyebabkan (menjadikan) terkelupas atau tertanggal (kulit, cat, dll);

**pengelupasan** perihal (proses atau tindakan) mengelupas atau mengelupaskan: *asid maleik menggalakkan ~ halus serta berkesan.*

**kelupas II**; ~ akar sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kirai, seruci,  
*Hiptage sericea*.

**kelupur** □ □ □ **gelupur**.

**kelur I** Jk sj tumbuhan (pokok), pokok merunggai, remunggai, *Meringa oleifera*.

**kelur II** Tr melaung, memanggil: “Tolong,” ~ Mamat. Kita hendak turun ke laut sekarang.

**keluron** Jw **1.** gugur (anak dlm kandungan); **2.** anak gugur.

**keluruk** Jw berkokok.

**kelurut I** bengkok (sakit) pd hujung jari.

**kelurut II**; ~ *tanjung* sj tumbuhan (pokok renek), kankabona, kayu putih, naga buana, naga jimat, semelit patung, ubat kelumut, *Phyllanthus pulcher*.

**kelus** telah terkupas (tertanggal) kulitnya.

**kelusuh**; ~-*kelasah* sangat gelisah.

**kelusuk**; **mengelusuk** menggosok kuat-kuat; □ □ □ **gelosok**.

**kelut**; ~-*melut* tidak keruan, kacau-bilau, kusut, kalut.

**kelutum** sj tumbuhan (pokok), *Artocarpus altissima*.

**keluyu** sj ikan laut, cucut, ikan yu.

**keluyuk** sj masakan Tionghua (daging babi bercampur gula dll).

**keluyur** Jk; **berkeluyuran**, **mengeluyur** pergi ke sana sini (dgn tiada tujuan tertentu), berkeliaran, merayau(-rayau).

**kelvin** (kélvin) (Kim) unit asas bagi suhu termodinamik.

**Kem.** kep Kementerian: ~ *Pendidikan*.

**kem** (kém) **I 1.** kawasan perkhemahan atau kumpulan bangsal (rumah pondok dsb) yg dijadikan tempat tinggal sementara utk satu atau beberapa kumpulan orang (spt tentera, pekerja lombong, ahli sukan,



dll); ~ *pelarian* tempat tinggal atau tempat perlindungan sementara bagi orang-orang pelarian khemah, pelarian; **2.** bp kumpulan (orang, parti, dsb) yg menyokong atau sendirian demi sesuatu doktrin (fahaman dsb).

**kem** (kém) **II** bahagian yg menganjur pd roda atau aci utk menukar gerakan berpusing menjadi gerakan ke atas, ke hadapan dan ke belakang.

**kema** Pr kami, kita semua.

**kemab** tidak dapat berkata-kata (kerana takut, terkejut, dll), kelu.

**kemabal** □ □ □ **kebabal**.

**kemaca, kemacar** Kl biasa (tidak istimewa), lazim, tidak bernilai tinggi; *barang* ~ barang biasa; *orang* ~ orang kebanyakan.

**kemahang** □ □ □ **kelembahang**.

**kemak**; ~-*kemik* Jk komak-kamik (komat-kamit): *mulutnya* ~-*kemik membaca doa*.

**kemal** = **berkemal, berkemal-kemal** tidak atau belum cukup kering (bkn kain dll), agak basah, lembap.

**kemala** sj batu bercahaya (berasal drpd binatang) yg dikatakan banyak hikmatnya: *dibubuhnya* ~ *yg bercahaya-cahaya*; ~ *hikmat* sj batu yg berhikmat; □ □ □ **gemala**.

**kemalai** □ □ □ **gemalai**.

**kemalau** sj tumbuhan (pokok), sekepul, *Parinarium costatum*.

**kemam**; **berkemam** bergumam (tertahan di dlm mulut);

**mengemam** membiarkan sahaja atau menahan di dlm mulut (tidak menelannya), menggumam, mengulum: ~ *gula-gula*; ~ *seketul daging*; ~ *jari* memasukkan jari ke dlm mulut dan membiarkan sahaja demikian.

**kemamam** Pr **1.** kebas, semutan; **2.** letih lesu (selepas sakit).

**kemamang** Jw sj hantu (rupanya spt kepala orang yg bernyala).

**kemamar** Kl seolah-olah hilang ingatan atau pemandangannya, seakan-akan kurang siuman, mamai: *dia itu telah ~, lain yg dipinta lain yg diberikannya.*

**keman** sj tumbuhan (pokok renek), kembang gajah, malu-malu, memalu, rumput rimau, semalu, *Mimosa pudica*; ~ air (gajah) = akar ~ hantu sj tumbuhan (herba air), kangkung puteri, *Neptunia prostrata* (*oleracea*).

**kemanakan** **1.** anak kpd abang (kakak) atau adik, anak saudara; **2.** Mn anak saudara perempuan; **3.** ark sanak saudara; ~ di bawah lutut anak hamba sahaya.

**kemancar** baki santan setelah patinya diperah:

*ambil santan pati dan ~ secukupnya.*

**kemancung** sj tumbuhan (pokok renek), asing-asing, janggi padang, *Breynia reclinata*.

**kemandang** Jw□□□**kumandang.**

**kemang I** sj tumbuhan (pokok), *Mangifera kemanga*; ~ pulas = ~ putar sj tumbuhan (pokok), lekub, macang pulasan, *Mangifera maingayi*; ~ air sj tumbuhan (herba air), keman air, *Neptunia prostrata*.

**kemang II** sj hantu (dikatakan suka mengganggu bayi).

**kemangi** sj tumbuhan (pokok renek dan daunnya), ruku-ruku, selasih hitam (jantan, putih), *Ocimum basilicum*.

**kemangur** sj tumbuhan (pokok), ceremai, *Cicca acida*.

**kemani**; *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpit), rumput bidis, *Saccolepis myosuroides*.

**kemantan** sj tumbuhan (pokok renek), kematan, kecubung hutan (rimba),  
*Randia macrophylla*.

**kemanten** (kemantén) pengantin.

**kemantu** = ~ *hitam* sj tumbuhan, cemama(r), cerek hitam, pokok cerek,  
secerek, suntang hitam, *Clausena excavata*.

**kemap** sj tumbuhan (pokok), petaling gajah, *Strombosia rotundifolia*;  
**kamap**.

**kemar** □ □ □ **hemar**.

**kemarahan** sj tumbuhan (pokok), cendarah hitam, derahan, kerantu,  
penarahan hitam (samak), pisang-pisang bulu, tenol, *Knema*  
*laurona*.

**kemarau 1.** kering (tidak berair); **2.** = *musim* ~ musim kering (tidak turun  
hujan utk jangka masa yg lama): *musim* ~ *yg berlanjutan selama*  
*beberapa minggu telah menyebabkan hasil padi di kawasan itu*  
*merosot; ~ bulan lima Kl, Tr musim kemarau yg paling kering dan*  
*panas sekali; ~ keras musim kemarau panjang;*  
*salangkan (sedangkan) bah kapar tak hanyut, inikan pula ~ panjang*  
prb a) sedangkan waktu muda sudah malas, apatah lagi waktu tua; b)  
sedang waktu makmur tidak senang, apa lagi waktu susah.

**kemaruk 1.** selalu terbuka selera hendak makan (setelah sembuh drpd  
sakit): *sejak segar drpd sakit, aku tengok dia ~ betul*; **2.** ki  
berbelanja (berbuat sesuatu) dgn berlebihan-lebih (kerana baru hidup  
mewah, naik pangkat, dll); **3.** ki mahukan sesuatu banyak-banyak,  
haloba, tamak: *dia ~ wang sekarang*.

**kemas 1.** elok dan rapi kelihatannya (kerana segala-galanya teratur,  
tersusun, terurus, dsb dgn baik), teratur (tersusun dll) dgn elok atau  
rapi: *bilik-bilik di rumah itu semuanya kelihatan ~; jahitan itu*

*dimatikan dgn ~ dan teguh; barang-barang jualan biarlah kelihatan ~ dan dapat menarik perhatian para pelanggan; rumah ~ rumah yg bersih dan rapi (segala perabot dll tersusun dgn baik); 2. kuat, teguh, erat: pelukan Jalil yg ~ itu tidak terurai; 3. Mn beres, bersih, habis, selesai; 4. sihat, segar (tubuh): ~ rasanya badan; barang-barang ~ barang-barang yg tinggi nilainya (spt barang-barang perhiasan drpd emas, permata, dsb);*

**berkemas, berkemas-kemas** menyusun-nyusun (mengatur-atur) barang-barang dsb supaya segala-galanya kelihatan rapi (tidak berselerak dll): *Basir memerhatikan Ros ~ dgn berhati-hati benar nampaknya; ~ rumah* membersihkan rumah dan mengatur perabotnya dll supaya (rumah) kelihatan rapi;

**mengemas, mengemasi** mengatur (menyusun dll) rapi-rapi (tidak berselerak dsb), mengelokkan atau merapikan (tempat tidur, rumah, dll): *malam itu Salim sibuk ~ dan mengumpulkan barang-barang kerajaan yg hendak diserahkan esoknya; ~ seluruh rumah sebelum menyambut hari raya;*

**mengemas-ngemas** membetulkan supaya rapi: *dia bangun meninggalkan Lebai Pa yg ~ kopiah putih di kepalanya;*

**mengemaskan** 1. menjadikan tersusun (teratur, rapi, dll), membereskan: *sekalian anak kapal sibuk ~ barang-barang kerana masing-masing hendak segera turun ke pangkalan; ~ diri* menghiaskan diri (dgn bersolek, berpakaian bersih, dll); 2. menghabiskan (wang, harta benda, dll): *belum berapa lama berkahwin, hartanya sudah dikemaskan oleh suaminya;*

**memperkemas** menjadikan lebih kemas (teratur, rapi, dll): *bahagian penerangan pertubuhan itu sedang diperkemas supaya*

*licin pentadbirannya; saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kpd beliau yg turut memberikan pandangan bagi ~ buku ini;*

**kemasan 1.** hasil kerja menghias sesuatu ruang: ~ *begini menimbulkan seri dan membuat keadaan rumah tidak menjemukan;*

**2.** sesuatu benda (kain, logam, dsb) yg diperelok bahagian permukaannya supaya kelihatan rapi;

**kekemasan** keadaan kemas;

**perkemasan** perihal berkemas-kemas;

**pengemasan** perbuatan mengemas(kan);

**pengemas** orang yg mengemasi (mengemaskan): ~ *bilik; ~ daftar fail.*

**kemas kini** lengkap dgn (mengandung, mempunyai, dsb) maklumat (data, ciri-ciri, unsur-unsur, dsb) yg terbaru, sejajar dgn kemajuan (perkembangan dll) semasa: *menyediakan data dan fakta yg ~; reka bentuk dan mutu yg ~; daftar atau jadual yg ~;*

**mengemaskinikan** menjadikan kemas kini, mengusahakan dsb supaya (menjadi) kemas kini: *kamus-kamus Melayu mestilah dikemaskinikan dgn tambahan kata-kata baru; meminda dan ~ beberapa peruntukan dlm akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984; ~ lagi pengetahuan yg sedia ada; mengadakan strategi baru atau ~ rancangan-rancangan lama;*

**pengemaskinian** perbuatan (usaha dsb) mengemaskinikan: *buku-buku tatabahasa yg ada itu berdasarkan bahasa Melayu dulu, jadi suatu usaha ~ perlu dilakukan.*

**kemat** bp hikmat; *kalah adat dek muafakat, kalah ~ dek bergeseng prb NS persahabatan antara laki-laki dgn perempuan itu lebih mesra jika mereka bercampur hari-hari.*

**kematu 1.** = *keras* ~ sangat keras: *kulit tapak kakinya menjadi keras* ~; *buah manggis itu sudah* ~; **2.** kulit keras atau tebal yg terbentuk pd bahagian kaki disebabkan geseran atau tekanan;

**berkematu** menjadi kematu: *tangan yg kasar dan* ~.

**kemawan** = *awan*-~ sl kelompok awan, gumpal-gumpal awan.

**kemayuh** pengayuh.

**kembabal**□□□**kebabal.**

**kembacang**□□□**embacang.**

**kembah** Kl; **berkembah** bersepah-sepah, berselerak, bertaburan (tidak teratur): *biliknya ~ dgn baju kotor.*

**kembahang**□□□**kelembahang.**

**kembal I** sj bakul kecil drpd mengkuang (bentuknya seakan-akan kumbu atau kepis); ~ *gundi (gandi)* kembal yg berhias dgn kertas yg berwarna-warni.

**kembal II**; *ikan* ~ *emas* a) sj ikan laut, *Eutynnus alleteratus*; b) ikan (kembal emas) yg dikeraskan (dijemur).

**kembala** ark□□□**gembala I.**

**kembali 1.** pergi ke tempat asal (ke tempat seseorang itu berada sebelumnya), balik (ke rumah, pejabat, kedai, dll), pulang: *aku pun ~ ke kedai; orang-orang tahanan itu diberi kesempatan ~ melihat keluarga masing-masing; ~ ke negeri yg baqa (kekal) = ~ ke rahmatullah meninggal dunia; ~ asal* balik asal (kembali semula kpd asalnya); **2.** = *wang* ~ wang baki kerana bayaran yg berlebihan (yg harus dipulangkan kpd pembayar), wang kelebihan: *Encik beri sepuluh ringgit, harga barang itu tujuh ringgit sahaja, ambil ~ bakinya tiga ringgit; 3.* semula (buat kali keduanya dan seterusnya), lagi, sekali lagi: *di pekan Yan, kami telah bertemu ~ dgn beberapa*

*orang teman dr Sungai Petani; kini aku berada ~ di kampung; 4.* kata yg kerap digunakan bersamaan dgn kata kerja utk menyatakan atau menunjukkan pengulangan sesuatu perbuatan (pemulihan sesuatu kpd kedudukan asalnya, pemulangan sesuatu ke tempat asalnya, dll);

*membayar ~ memberi balik hutang atau wang yg telah diterima (supaya tidak berhutang lagi); meminta ~ sesuatu meminta balik sesuatu (meminta supaya dipulangkan sesuatu yg telah diberikan atau dipinjamkan); menarik ~ (usul, keputusan, dll) menyatakan batal atau tidak akan diteruskan dsb (usul, keputusan, dll); menceritakan ~ mengulang cerita atau kisah yg telah didengar (dibaca dll); menyusun ~ mengulang menyusun lagi (menyusun semula);*

**sekembali** sebaik-baik kembali atau pulang (dr), seurus (tidak lama) selepas pulang dr (sesuatu tempat);

**mengembalikan** 1. mengirinkan (menghantarkan, memberikan, dsb) sesuatu kembali (kpd pengirimnya, ke tempat asalnya, dsb), memulangkan (sesuatu): *dia berjanji akan ~ wang dan semua barang yg telah diambilnya itu; semua buku yg dipinjam dahulu telah dikembalikan; mereka diarahkan supaya ~ surat-surat rasmi yg ditulis dlm bahasa Inggeris kpd pengirimnya;* 2. menahan (menyekat dll) supaya kembali (berpatah balik) ke tempat mula datangnya, menyuruh kembali; 3. mengundurkan (ke suatu waktu yg telah berlalu), menyurutkan (kejadian yg telah berlaku); 4. menjadikan spt sediakala atau spt keadaan sebelumnya, mewujudkan kembali, memulihkan: *ia mencuba ~ segala kekuatan batinnya dgn sedaya upaya; tidak ada laki-laki yg dapat ~ kepercayaanku yg*

*telah musnah ini; langkah-langkah keselamatan telah diambil utk ~ keamanan di daerah itu;*

**kembalian** sesuatu barang dll yg dikembalikan: *penerbit tidak bertanggungjawab menghantar naskhah jualan atau ~;*

**kekembalian** perihal kembali;

**perkembalian** perihal kembali, kepulauan: *~ Rawon telah diterima dgn cucuran air mata oleh ayahnya;*

**pengembalian** perihal (perbuatan dsb) mengembalikan, pemulangan, pemulihan.

**kemban** kain yg dibelitkan di badan utk menutup dada (perempuan);

**berkemban 1.** memakai kemban; **2.** memakai kain sarung hingga ke paras dada (tidak berbaju): *beberapa orang perempuan yg kelihatan ~ sedang mencuci baju di perigi.*

**kembang I 1.** mekar terbuka (kuntum bunga), menjadi terbuka atau terbentang (bkn sesuatu yg kuncup atau terlipat spt payung, layar, dll): *bunga yg telah ~;* **2.** menjadi besar atau luas (naik atau muai dsb): *kepingan besi itu ~ setelah dipanaskan; adunan kuih itu dibiarkan beberapa jam supaya ~;* **3.** menjadi luas (maju dsb); *~ hatinya* besar hatinya, berasa sukacita, menjadi girang atau gembira hatinya; *~ hidung* berasa bangga (kerana dipuji, dimuliakan, dsb); *~-kembut* memancar-mancar dan mengedip-ngedip; *~ rabu* girang, gembira; *~ tengkuk* berasa berdiri bulu roma (spt seseorang yg terlihat sesuatu yg menakutkan atau mengerikan), seram bulu tengkuk (kerana ketakutan);

**berkembang 1.** kembang (terbuka atau terbentang): *payung ubur-ubur ~ dibawa dlm perarakan;* **2.** menjadi makin sempurna (luas, maju, dsb), menjadi makin tersebar, meluas: *fikiran dan pandangan*



*Bidin mulai ~ dan maju; agama Islam ~ dgn pesatnya setelah Mekah dikuasai oleh Nabi;*

**berkembangan** berkembang (mekar) merata-rata (di sana sini), banyak atau semuanya berkembang (terbentang, terbuka, dsb): *di halaman rumah itu kelihatan bunga-bunga yg ~ semerbak baunya; maka tombak pun diuraikan dan payung pun ~lah;*

**mengembang** menjadi besar (panjang, terbuka, terbentang, dsb), kembang, berkembang: *atap pondok itu drpd daun lontar yg ~ lebar; buruk dikembang pd orang banyak, elok dipilih sama seorang prb keburukan atau kerugian hendak dipertanggungkan bersama orang lain tetapi keuntungan diambil seorang diri;*

**mengembangkan 1.** membentangkan (layar, payung, dll), membuka (barang yg tertutup atau kuncup), memekarkan; *~ buku* membuka buku; *~ mata* membuka mata; *~ sayap* a) membentangkan atau melebarkan sayap (spt burung yg hendak terbang); b) ki meluaskan pengaruh (usaha dll) ke daerah atau lapangan lain; **2.** menjadikan besar (lebar, luas, dll): *ukuran dada bertambah kira-kira tiga inci apabila dada dikembangkan;* *~ hati* menyukakan (menggembirakan, menyenangkan) hati; **3.** menjadikan berkembang (maju, tersebar, dsb), memajukan, meluaskan, menyebarkan: *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya berazam hendak ~ bahasa Melayu;*

*~ agama* menyebarkan agama (memperluas pengaruhnya dan memperbanyak penganutnya dsb); *~ pengaruh* meluaskan pengaruh;

**memperkembangkan** menjadikan makin berkembang, mengusahakan supaya berkembang dgn lebih luas (lebih pesat dsb): *bahasa Malaysia perlu dirancang dan dibina serta diperkembangkan dgn rapi;*

**terkembang** terbuka menjadi lebar (bkn payung dll), terbentang (tidak kuncup, berlipat, dsb): *surat khabarnya ~ di hadapannya; maka ~lah payung kerajaan iram-iram kekuningan;*

**kembangan** keadaan kembang: *~ zahir cecair itu ialah perbezaan antara pengembangan sebenar dgn pengembangan balang;*

**perkembangan** perihal (proses dsb) berkembang (menjadi maju atau tersebar, membiak, meluas, dsb), pertumbuhan, kemajuan: *~ bahasa dan kesusasteraan Melayu; dgn ~ perindustrian, banyaklah lagi hasil perusahaan yg dapat dikeluarkan; ~ politik; ~ ilmu pengetahuan;*

**pengembangan 1.** perihal mengembang (menjadi lebih besar, panjang, terbentang, dsb): *~ dan penguncupan benda-benda yg dipanaskan dan disejukkan ini tidak berapa nyata pd pandangan mata kasar kita; ~ air (cecair, gas, pepejal, dll) perihal air (cecair, gas, pepejal, dll) menjadi bertambah banyak atau besar (kerana dipanaskan); 2.* perihal (usaha, kegiatan, dsb) mengembangkan; *~ bahasa dan sastera* usaha mengembangkan (memperluas) bahasa dan sastera;

**pengembang** orang yg mengembangkan (memperluas pengaruh dsb): *pengaruh drpd kesan tatabahasa Melayu tradisional menjadi amat kuat dgn Za'ba sbg ~nya; ~ agama* orang yg mengembangkan agama (dgn menyebarkan ajarannya dan menambah bilangan penganutnya).

**kembang II 1.** bunga (digunakan juga utk menyatakan nama berbagai-bagai bunga): *~ bangkai, ~ jepun, ~ naga sari; cita ~ cita* (kain tenun) yg coraknya berbunga-bunga; **2.** kata yg menjadi sebahagian drpd nama beberapa tumbuhan; *~ semangkuk* sj tumbuhan (pokok),

*Scaphium spp*; akar ~ hutan sj tumbuhan (pokok), kayu cenderung, seburus hitam, segan petaling, *Urophyllum trifurcum*;

~ *api* bunga api; ~ *gula* gula-gula (berbagai-bagai makanan yg dibuat drpd gula); ~ *latar* bp pelacur; ~ *pala* kulit di keliling biji pala;

**mengembang 1.** seperti atau menyerupai kembang (bunga); ~ *bakung* mengombak (ikal) dan cantik spt bunga bakung (bkn bunga);  
**2.** meletakkan bunga di kubur.

**kembang biak; berkembang biak** membiak menjadi banyak: *kuman-kuman jenis ini sangat mudah ~*;

**mengembangbiakkan** menjadikan berkembang biak.

**kembang kempis 1.** turun naik (dada seseorang) ketika bernafas, berdebar-debar, terengah-engah; **2.** = **kembang kuncup** seketika mengembang seketika menguncup;

**mengembangkempiskan** menjadikan kembang kempis.

**kembar 1.** tidak berbeza sama sekali (rupanya atau keadaannya): *keduanya berpakaian ~*; **2.** = *anak ~* dua orang anak (atau lebih) yg dikandung bersama-sama oleh seseorang ibu dan dilahirkan pd waktu yg sama atau hampir sama; ~ *Siam* kembar dgn bahagian tubuh yg menempel antara satu sama lain, spt kepala dgn kepala (pertama kali berlaku di Siam pd tahun 1829); ~ *tiga (empat dll)* tiga (empat dll) orang anak yg sama atau hampir sama hari lahir mereka;  
**3.** rangkap, dubel; ~ *empat* rangkap empat; **4.** bergabung, berapit; *nombor ~* Id dua keluaran yg digabungkan menjadi satu terbitan (bkn majalah); *pemerintahan ~* dua pemerintahan yg serentak menguasai daerah yg sama; *senapang ~* senapang yg mempunyai

dua laras; *tali (kawat) ~ dua (tiga dsb) tali (kawat) yg dipintal drpd dua (tiga dsb) lembar tali (kawat): talinya berupa rami ~ tiga;*

**berkembar** **1.** bergabung (berangkai dll) menjadi sepasang, berpasangan, bersaing; **2.** sama rupanya atau keadaannya, seragam (pakaian dll);

**mengembari** **1.** menandingi (bertanding dgn), melawan, menentang: *maka orang pun banyak mati dibunuh oleh Jawa itu, seorang pun tiada dapat ~ dia;* **2.** menyamai, menandingi: *tak mungkin ~ orang-orang besar itu;* **3.** menjadikan pasangan bagi, memberi berpasangan (dgn): *dibuatnya sepucuk meriam lagi utk ~ meriam Portugis itu;* **4.** sl mengiringi, menemani, menyertai, membantu, menolong;

**mengembarkan** menjadikan berkembar (berpasangan dll), mengapitkan;

**terkembari;** *tiada ~ tidak dapat mengembari atau dikembari (ditentangi), tiada terlawan: cih, manatah hulubalang Majapahit, maka tiada ~ orang mengamuk sekian ini!*

**kembaran** satu drpd dua (atau lebih) yg kembar, pasangan (yg erat): *dianggap isterinya ~ jiwanya.*

**kembara; mengembara** pergi ke mana-mana (dgn tidak tetap tempat kediaman dan tidak tentu pula tempat yg ditujui), bertualang, menjelajah: *bertahun-tahun ia ~ dr sebuah negara ke negara lain;*

**mengembarai** mengembara (menjelajah) di: *~ negara-negara Asia;*

**pengembaraan** **1.** perihal (perbuatan) mengembara: *cerita yg mengisahkan ~ seorang putera raja;* **2.** tempat mengembara, tempat yg dijelajahi;

**pengembara** orang yg mengembara: *David Livingstone ialah seorang ~ yg terkenal.*

**kembayat**; *kain* ~ sj kain halus keluaran bandar Cambay di Gujarat (India).

**kembera** berterbangan (berlarian) dgn kacau-bilau, bercempera.

**kembang** sj tumbuhan (herba air), kiambang, *Pistia stratiotes*.

**kembili** sj tumbuhan (herba yg boleh dimakan umbinya), *Coleus tuberosus*.

**kembiri I** tidak ada jantannya atau sifat kejantanannya, sudah dihilangkan jantannya, kasi, kasim: *kambing* ~;

**mengembiri** menghilangkan jantannya atau sifat kejantanannya: ~ *binatang*;

**pengembirian** perbuatan mengembiri.

**kembiri II** sj tumbuhan (pokok) dan buahnya, buah keras, kemiri, *Aleurites moluccana*.

**kemboja** sj tumbuhan (pokok) dan bunganya, bunga kubur, cempaka (biru), *Plumeria acuminata*.

**kembol** (kémbol); **mengembol** menjadi gembung atau besar kerana penuh berisi (bkn saku dll).

**kembola** sj tumbuhan (pokok), belimbing batu (manis), *Averrhoa carambola*.

**kembu** sj bakul kecil (tempat menyimpan ikan), kepis; **kumbu**.

**kembuk** = **kembukan** sj mangkuk besar tempat mencuci tangan, kobokan.

**kembung I** 1. kelihatan besar (kerana berisi angin), gembung, menggelembung, melembung; 2. agak keras dan terasa senak kerana masuk angin (bkn perut); *katak* ~ katak yg boleh mengembungkan

(membesarkan) perutnya; ~ *kempis* seketika gembung seketika kendur (bkn perut), kembang kempis;

**mengembung** menjadi kembang;

**mengembungkan** menjadikan kembang, mengembungkan, menggelembungkan, melembungkan, membusungkan: ~ *perut*;

**gembung I.**

**kembang II;** ~ *padi* kepuk (tempat mengisi padi).

**kembang III;** *ikan* ~ sj ikan laut, pelaling, temenung, *Scomber spp.*; *ikan* ~ *lelaki* sj ikan laut, *Scomber kanagurta*; *ikan* ~ *perempuan* sj ikan laut, *Scomber negluctus*.

**kembur I** ark = **berkembur, mengembur;** *cakap* ~ cakap angin (percakapan utk menghabiskan masa sahaja), perbualan kosong;

**berkembur-kembur** bercakap-cakap utk menghabiskan waktu (sambil bergurau senda dsb), berbual-bual kosong, berborak-borak.

**kembur II** Tr terpercik: *habis* ~ *air dlm pasu bila putik kelapa jatuh*.

**kemburan I** tulang-tulang tangan.

**kemburan II** Tr keladak, sembai.

**kemburuan** ark cemburuan.

**kembut I** Mn sj sumpit yg dibuat drpd pandan (utk mengisi buah-buahan dll).

**kembut II;** **berkembut, berkembut-kembut** berkepul-kepul (asap): *ia memasang sebatang rokok, menghisap dan menghembuskan asapnya berkembut-kembut*.

**kemdian** ark □□□ **kemudian**.

**kemeh** (keméh) Sr kencing, kemih.

**kemeja** (keméja) = *baju* ~ sj baju potongan Eropah (berlengan panjang atau pendek) utk lelaki: *Encik Rahman hanya memakai ~ lengan*

*panjang dan seluar panjang; ~ lepas kemeja (biasanya berlengan pendek) yg bahagian bawahnya tidak diselitkan ke dlm seluar ketika memakainya; ~ papan kemeja berkanji (menjadikannya keras);*

**berkemeja** memakai kemeja: *berseluar biru dan ~ putih.*

**kemejan** = *yu ~ sj* ikan laut, *yu kia-kia, Rhynchobatis spp.*; **kemenyan III.**

**kemeli** ark □ **kambeli.**

**kemeling;** *~ telur sj* tumbuhan (herba air), bunga jamban, keladi bunting, *Eichhornia crassipes.*

**kemelut 1.** keadaan yg genting atau berbahaya (bkn penyakit terutama penyakit demam); *~ naik* keadaan penyakit yg makin genting atau berat; *~ turun* keadaan penyakit yg beransur pulih; **2.** keadaan atau saat yg genting atau berbahaya (bkn ekonomi, politik dsb), kegentingan, krisis: *masyarakat harus dibimbing utk membuat keputusan sendiri apabila menghadapi konflik dan ~ dlm kehidupan; masa ~; ~ ekonomi* krisis ekonomi;

**berkemelut** berada dlm kemelut, mengalami kemelut: *membiarkan mereka ~ mencari-cari simbolisme retorik.*

**kememeh** (keméméh) Tr mata yg baru terbuka selepas bangun tidur: *masih ~, kamu sudah sampai.*

**kemendalu** □ □ □ **bendalu.**

**kemendang** ark getaran udara (di atas tanah yg menjadi panas kerana disinari matahari);

**berkemendang, mengemendang** kelihatan (tampak) terbayang, membayang.

**kemendelam** sl sj buyung tempat mengisi air.

**kemendikai** semangka; □ □ □ **mendikai.**

**kemendir** □ □ □ **kemendur.**

**kemendit** = *tali* ~ tali pinggang; □ □ □ **kendit**.

**kemendur** IB **1.** pemimpin pasukan (berpangkat perwira tinggi); **2.** = ~ *laut* syahbandar, pembesar pelabuhan; **3.** Mn pengurus pemerintahan negara (pd zaman penjajahan), pamung peraja, kontrolir; **4.** kepala atau pengawas pekerja, mandur.

**kemengu** sj tumbuhan (pokok renek), *Calotropis gigantea*.

**kemeniran** sj tumbuhan (pokok renek); □ □ □ **meniran**.

**KEMENTAH** akronim bagi Kementerian Pertahanan.

**kementam; berkementam** berbunyi berdentam.

**kemenyan I** dupa atau getah drpd sj tumbuhan (*Styrax benzoin*) yg harum baunya apabila dibakar, luban jawi; jenis-jenisnya: ~ *arab*, ~ *hantu*, ~ *hitam*, ~ *merah*, ~ *putih*, ~ *serani*; *belum (sudah) diasapi* ~ belum (sudah) berkahwin;  
*apakah gunanya ~ sebesar tungku kalau tidak dibakar = ~ sebesar lutut, jika tidak dibakar manakan berbau* prb tidak ada gunanya ilmu pengetahuan yg disimpan sahaja dan tidak diajarkan kpd orang lain;  
*gaharu dibakar, ~ berbau* prb memperlihatkan kelebihan supaya dipercayai orang.

**kemenyan II;** *akar ~ hantu* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dioscorea pyrifolia*.

**kemenyan III** = *yu* ~ sj ikan laut; □ □ □ **kemejan**.

**kemera;** ~-*tara* KI bertaburan, berselerak, kembera.

**kemesak 1.** sj tumbuhan (pokok), cenderai, ceret budak, semangkuk, *Croton argyratum*; **2.** sj tumbuhan (pokok), calang paya, kayu meroyan, lidah api, *Croton griffithii*.

**kemesit** Kd kering, kecut (buah dll).

**kemetot** (kemétot) terencat (bangunnya), kerdil, tergenat.



**kemi** sj ikan laut, gedemi, *Echeneis naucrates*.

**kemih** air seni, kencing;

**berkemih** buang air kecil, buang air seni, kencing.

**kemik 1.** lekuk (spt pd tin yg jatuh atau terpukul sesuatu), kepik, penyuk:  
*bertaburan tong sampah yg ~ dan berkarat; 2.* penyek, penyot  
(hidung); *hidung ~* hidung penyek;

**terkemik** menjadi kemik (kerana jatuh, terpukul sesuatu dsb).

**kemilap** □ **gemilap**.

**kemilau** □ □ □ **kilau**.

**kemili I** NS memilin (memintal) tali kembar empat.

**kemili II** □ □ □ **kembali**.

**kemin I** Pr kemas atau rapi buatannya (kerusi, meja, dll).

**kemin II** Kd menggulung atau memintal (rokok, misai).

**keminting** buah keras, kemiri.

**kemirau** masih mentah dan keras (bkn buah), kirau.

**kemiri** sj tumbuhan (pokok dan buahnya), buah keras, kembiri, *Aleurites moluccana*; ~ *jatuh ke pangkalnya* prb mendapat tempat yg sewajarnya, kembali ke tempat asalnya.

**kemis; berkemis, mengemis** meminta sedekah, meminta-minta: *negeri ini tidak sekali-kali akan ~ pd mana-mana kuasa utk mendapatkan bantuan; perempuan tua itu terpaksa ~ utk hidup;*

**pengemis** peminta sedekah.

**kemit**; ~ *tubuh* a) sesuatu (spt pakaian, barang perhiasan dll) yg diberikan sbg tanda kasih, bekas tubuh; b) = *gelang ~ tubuh* sj gelang; ~ *hantar* ark pesuruh.

**Kemlu** akronim bagi Kementerian Luar (Negeri).

**kemoceng** (kemocéng) □ □ □ **kemucing**.

**kemofisiologi** (kémofisiologi) kajian tentang kimia hidupan dan tindak balas kimia yg berlaku pd organisma.

**kemoja** □ □ □ **kemboja**.

**kemosintesis** (kémosintésis) (Bio) pembentukan sebatian organik oleh organisma, mis sesetengah alga dan bakteria, dgn menggunakan tenaga yg dihasilkan melalui tindak balas kimia.

**kemotaksis** (kémotaksis) (Bio) gerak balas organisma terhadap rangsangan bahan kimia tertentu.

**kemoterapi** (kémotérapi) (Ubat) cara rawatan yg menggunakan bahan kimia tertentu utk merawat dan mengawal sesetengah penyakit (terutamanya penyakit kanser).

**kemotropisme** (kémotropisme) (Bio) kelengkungan tumbuhan atau bahagian tumbuhan sbg gerak balas terhadap rangsangan kimia.

**kemoyang** □ □ □ **kelemoyang**.

**kempa** = **kempa**an sesuatu yg digunakan utk mengapit (menekan, memerah, dll), apitan; ~ *air* apitan yg dijalankan dgn kuasa air; *bulu* ~ sj kain drpd bulu kambing yg diapit utk dibuat topi dll; *cap* ~ sl meterai (tera) raja-raja Melayu zaman dahulu;

**mengempa** mengapit, menghimpit (dgn perkakas atau dgn kedua-dua belah tangan); ~ *tebu* menghimpit tebu utk mengeluarkan airnya; ~ *tangan* mengepal-ngepalkan tangan;

**terkempa** terapit, terhimpit, tertekan.

**kempang I** ark sj perahu (dibuat drpd batang kayu).

**kempang II**; ~-*kempis* kembang kempis.

**kempas I** sj tumbuhan (pokok), *Koompassia malaccensis*; ~ *roman* sj tumbuhan (pokok), babi kurus, beberas, beras-beras, kasir, kedondong matahari, kijai, pauh kijang, *Trigonochlamys griffithii*.

**kempas II**; ~-*kempis* turun naik (dadanya), mengah-mengah (nafasnya), kembang kempis.

**kempeitai** (kémpéitai) (anggota) polis tentera Jepun yg dibenci dan ditakuti kerana kekejamannya (semasa pemerintahan di negara yg diduduki).

**kempek** (kempék) Jk sj bekas drpd anyaman dll digunakan sbg tempat sirih (wang dll).

**kempelang**; **mengempelang** menampar, menempeleng, meninju (memukul) kepala dgn kuat;

**kempelangan** pukulan yg kuat.

**kempen** (kémpén) segala usaha (kegiatan dan tindakan) yg dirancangan dan dilaksanakan dgn menggunakan penerangan (rayuan dll) utk mempengaruhi pendapat umum atau mendapatkan sokongan umum terhadap sesuatu (matlamat dll): *jabatan tersebut akan memperhebat ~nya utk menyedarkan pekebun-pekebun kecil tentang pentingnya penanaman semula getah*; ~ pilihan raya kempen utk mendapatkan sokongan pengundi bagi calon (parti politik) yg bertanding dlm sesuatu pilihan raya;

**berkempen** melancarkan (menjalankan) kempen: *pegawai penerangan parti itu sedang giat ~ membidas dasar-dasar ekonomi parti yg memerintah*.

**kempening** sj tumbuhan; □ □ **mempening**.

**kemperas** sj ikan air tawar, *Cyclocheilichthys spp.*

**kempiluh**, **kempilur** sj bekas (bakul) yg bertutup dibuat drpd anyaman.

**kempis I** menjadi pipih atau kendur (kerana kurang atau tiada lagi isinya), tidak kembang atau melembung lagi: *tayar kereta ini ~ kerana kurang anginnya; perutnya ~ dan pipinya cengkung*;

**mengempis** menjadi kempis: *tayar keretanya semakin ~;*

**mengempiskan** menyebabkan (menjadikan) kempis: *ia ~ tayar kereta dgn mengeluarkan anginnya.*

**kempis II** Jk sj botol yg dibalut dgn anyaman rotan (utk diisi air minum).

**kempit** sj buyung.

**kempu** sj kotak yg bulat dan bertutup utk menyimpan pakaian (barang kecil-kecil dll).

**kempuh** Mn empuk (makanan), masak (bkn sesuatu yg dimasak, dipanggang, dll), ranum (bkn buah-buahan), busuk atau rosak.

**kempul I** Jw sj alat bunyi-bunyian (seakan-akan canang besar).

**kempul II; berkempul-kempul** mengah-mengah (nafas), sesak nafas;

**terkempul-kempul** terengah-engah, termengah-mengah.

**kempun; terkempun-kempun** terkepit (spt kain ketat di antara kedua-dua belah paha).

**kempunan 1.** ingin benar (akan), selalu ingat (akan): *ia ~ hendak mengetahui rahsia itu;* **2.** berasa kecewa (hampa) kerana tidak tercapai sesuatu keinginan atau idaman: *dicarikannya juga buah yg dipesan oleh ayahnya itu kerana takutkan ayahnya ~ nanti;* **3.** dlm kesukaran (kebimbangan), dlm keadaan serba salah atau kebingungan, berasa sungguh malang (kerana sangat kecewa dll): *lepas dr ~; menanggung ~.*

**kempung I 1.** lekuk atau termasuk ke dalam kerana kurang berisi (bkn pipi), cekung (pipi), caung atau kempis (pipi): *pipinya ~ dan matanya cengkung;* **2.** lekuk (spt pd tin yg jatuh atau terpukul sesuatu), kemik.

**kempung II 1.** Jw bahagian bawah perut; **2.** = **kempungan** Jk gelembungan.

**kemput** Jk **1.** kempung, cekung, caung (pipi); **2.** ki kosong, habis harta benda.

**kemu I** Jw; **berkemu** berkumur (mencuci mulut).

**kemu II** Jk; **mengemu** menggumam, mengulum.

**kemucing** sj alat utk mengebas (membersihkan) debu, bulu ayam.

**kemudi 1.** sj perkakas di buritan kapal (perahu) utk mengawal arah pelayarannya: *manakan dapat kapal belayar kalau tidak ada ~; bam ~ = celaga ~ = tangan ~* kayu sbg pegangan atau tangkai kemudi; **2.** Id alat utk memandu arah perjalanan kereta atau kapal terbang, stereng (pd kereta): *Hawa memutarakan ~ kereta ke persimpangan lorong ke rumahnya*; **3.** ki pimpinan (persatuan, perkumpulan, dsb), teraju pemerintahan; **4.** ark pusar-pusar atau lingkaran-lingkaran bulu (pd kuda);

*~ bundar* pusar-pusar bulu pd kuda; *~ cawat* kemudi jenis yg dipakai oleh kapal-kapal Eropah; *~ sepak* kemudi di sisi buritan yg bentuknya spt pengayuh (dayung); *patah ~ dgn ebamnya* prb tidak ada harapan lagi;

**berkemudi 1.** mempunyai (memakai) kemudi: *kapal ~, kereta berstereng*; **2.** memegang atau mengawal kemudi (di kapal): *minta ia gantikan ~, tiadalah larat beta*;

*~ di haluan bergilir ke buritan = ~ ke rusuk* prb perihal orang yg menurut suruhan atau nasihat isterinya (anaknya, orang bawahannya);

**mengemudi 1.** memegang kemudi utk mengatur hala perjalanan kapal (kereta, kapal terbang): *Pak Kaduk membentang layar dan ~ perahunya*; **2.** memimpin (pertubuhan, perkumpulan, dsb), memegang teraju pemerintahan, mengendalikan, mengurus

(rumah tangga dll): *mereka bersama-sama ~ dan memajukan perkumpulan itu; mereka hidup berdua ~ rumah tangga mereka yg kecil itu;*

**pengemudi 1.** jurumudi, mualim (kapal), pemandu (kereta); **2.** orang yg mengemudi perkumpulan (pertubuhan dsb).

**kemudian 1.** selepas orang atau seseorang lain, selepas sesuatu waktu (kejadian dll), belakangan: *orang-orang yg datang ~ tidak mendapat tempat duduk; adiknya berkahwin dahulu, dia berkahwin ~; ~ drpd selepas, sesudah;* **2.** belakang hari, (suatu) masa yg akan datang, kelak: *perompak-perompak itu akan diberkas juga ~; fikirlah baik-baik supaya tidak sesal ~; ~ hari* belakang hari, kelak; *hari ~ a) = kelak ~ masa yg akan datang; b) hari kiamat;* **3.** = *~ drpd itu* selepas (sesudah) itu, pd suatu waktu yg lain (sesudah sesuatu kejadian dll): *pasukan polis ~nya telah menemui kereta yg digunakan oleh perompak-perompak tersebut;*

**mengemudi** **1.** meletakkan (menaruh, menempatkan) di belakang atau selepas sesuatu yg lain, membincangkan (mengerjakan, menyelesaikan dll) di belakang atau selepas sesuatu lain yg lebih penting dsb: *kerja-kerja yg penting didahulukan dan yg kurang penting dikemudi;* **2.** menangguhkan, menunda, mengundurkan: *~ perbincangan mengenai cadangan-cadangan itu;* **terkemudian** selepas atau sesudah (sesuatu waktu, peristiwa, dll), (lebih) kemudian; *Shahnon Ahmad muncul ~ drpd A. Samad Said; ~ sekali* terakhir, akhir sekali, belakang sekali: *siapa yg ~ sekali meninggalkan bilik itu?; ~ drpd* kemudian drpd, selepas, sesudah.

**kemudu** sj tumbuhan (pokok), *Pisonia spp.*; *~ selat = ~ siam* sj tumbuhan *Pisonia excelsa*; □ □ □ **mengkudu.**

**kemuk;** ~-kemik banyak bahagian yg kemik (bkn tin), banyak kemiknya.

**kemukus** lada (cabai) berekor, temukus, *Piper cubeba*.

**kemul** Jw selimut;

**mengemuli** menyelimuti.

**kemumu I** 1. sj lumut laut; 2. Mn sj keladi (keladi Cina) yg boleh digulai daun dan batangnya.

**kemumu II** ark, **kemumur** □ □ □ **kelemumur**.

**kemuncak** bahagian (tempat, tingkatan, atau paras) yg tertinggi sekali, puncak: *semasa* ~ *tamadun Greek*, *wanita dijadikan alat memuaskan nafsu lelaki*; ~ *gunung*; ~ *kejayaan*.

**kemuncup** sj tumbuhan (rumput), rumput jarum, *Chrysopogon (Andropogon) aciculatus*.

**kemundir** □ □ □ **kemendur**.

**kemung** sj alat bunyi-bunyian spt canang, gong; ~ *gantung kemung* yg digantungkan; ~ *jongkak kemung* yg diletakkan pd alas atau telapakannya.

**kemungkus I** ark; *telur* ~ telur tembelang.

**kemungkus II** □ □ □ **kemukus**.

**kemuning** sj tumbuhan (pokok); ~ *gajah* = ~ *badak* = ~ *limau* sj tumbuhan (pokok), ketengah, *Merrillia caloxylon*; ~ *jantan hutan* sj tumbuhan (pokok), mata keli jantan, *Canthium confertum*; ~ *lada* sj tumbuhan (pokok), *Murraya peniculata (exotica)*.

**kemunting** sj tumbuhan (pokok renek), *Rhodomyrtus tomentosa*;

~ *akar* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar senduduk, *Marumia nemorosa*; ~ *bukit* = *akar* ~ = *akar* ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok memanjat), senduduk halus, *Anplectrum divaricatum*; ~ *cina* sj tumbuhan (pokok kecil), *Lochnera (Vinca) rosea*; *rotan* ~ sj

tumbuhan (palma), rotan cincin, rotan duduk, rotan gelang, rotan kerai, rotan perupuh, rotan segera, rotan tunggal, *Daemonorhops geniculatus*.

**kemuruk** busuk, tembelang (bkn telur); *telur* ~ telur tembelang, telur kemungkus: *gas ini busuk baunya spt bau telur ayam* ~.

**kemut; kemut-kemut, mengemut, terkemut-kemut** **1.** bergerak-gerak turun naik atau kembang kuncup (spt mulut kanak-kanak yg menyusu dll): *mulutnya terkemut-kemut; nadinya terkemut-kemut*; **2.** a) terhuyung-huyung; b) perlahan-lahan, lambat-lambat, terdemut-demut: *berjalan terkemut-kemut; membuat kerja terkemut-kemut*.

**kemutul, kemutun** sj tumbuhan (pokok), *Cratoxylon formosum*.

**ken** (kén) sl gelaran bagi anak lelaki atau perempuan: ~ *Angrok*; ~ *Tambohan*.

**kena** **1.** bersentuh(an) dgn, berlanggar(an) dgn, lekat pd, terhantuk (terpukul dsb) pd: *lututnya luka kerana ~ serpihan kaca sewaktu dia jatuh tadi; tikamannya itu ~ pd bahu lawannya; pemandu kereta itu cuba mengelakkan budak itu tetapi keretanya ~ tiang elektrik*; **2.** tepat pd sasarannya (bkn lontaran, tembakan, dsb), tidak menyimpang drpd sasarannya: *dilemparkannya sebiji batu ~ kepala anjing itu; tembakannya tidak ~ dan musuh itu lepas lari*; **3.** ditimpa (sesuatu), mendapat (beroleh, diberi, menderita) sesuatu; ~ *apa = apa* ~ a) ditimpa apa; b) apa sebab, mengapa; ~ *buat* kena sihir (orang); ~ *hujan* ditimpa hujan; ~ *penyakit demam kepialu* mendapat (menderita) penyakit demam kepialu; ~ *upah* beroleh atau diberi upah (utk melakukan sesuatu); **4.** menanggung sesuatu perbuatan atau tindakan (dan sama maksudnya dgn awalan *ter* atau *di* pd kata kerja); ~ *marah* dimarahi; ~ *pukul* dipukul; ~ *tangan* ditangani



(dipukul dgn tangan); ~ *tipu* tertipu, ditipu; **5.** tidak bebas (terlepas, terkecuali) drpd, dibebankan (diwajibkan) mematuhi peraturan (menanggung bayaran dll): *semua jenis minuman keras ~ cukai baru itu*; **6.** berpadanan atau berpatutan (bkn harga, tawaran, dll), cocok atau sesuai (dgn yg dikehendaki, yg sepatutnya, dsb), sesuai atau tepat sekali(dgn sesuatu, seseorang): *kalau ~ harganya saya jual juga rumah ini; barang apa yg tidak ~ pd hatinya disuruhnya ubah atau gantikan; pakaian yg indah itu ~ pula dgn orang yg memakainya; ~ gayanya = ~ (dgn) jalannya cocok atau sesuai caranya; ~ pd tempatnya berpadanan, sesuai benar, tepat sekali*; **7.** terpaksa (membuat dll sesuatu): *oleh sebab ibunya sakit, ~lah dia seorang diri mengurus rumah tangga; ia merungut kerana tiap-tiap hari ~ bangun pagi-pagi;*

~ *andeka* ditimpa daulat (mendapat bencana kerana menderhaka kpd raja, pemerintah, dll); ~ *ekor* mendapat wang sbg hasil drpd cabutan nombor-nombor akhiran loteri (berasaskan keputusan lumba kuda); ~ *emas* menerima rasuah (wang suap); ~ *hati* a) jatuh cinta (pd); b) kesal, menyesal; ~ *loteri* mendapat hadiah kerana nombor tiket yg dibeli sama dgn nombor cabutan loteri; ~ *miang* a) lekat miang (buluh dll) pd bahagian tubuh; b) = ~ *tempias* ki mendapat bencana akibat perbuatan (kelakuan) buruk orang lain; ~ *setan* dirasuk setan; ~ *tali* kena tipu (ditipu);

~ *batang hidung sendiri* prb menimpa diri sendiri (bencana, keaiban, kesusahan, dll); ~~~ *spt santan bergula, tak ~~~* *bagai antan pukul kepala* prb sesuatu perbuatan (perkataan) itu jika bersalahan tafsirannya, jadi melarat, jika benar mendatangkan kebajikan; *kalau ~ tampar, biar dgn tangan yg bercincin, kalau kena tendang, biar*

*dgn kaki yg berkasut prb kalau berbantah janganlah dgn orang yg jauh lebih rendah darjatnya, kerana kalau kita menang tidak ada apa-apa keistimewaannya tetapi kalau kalah mendapat malu yg berpanjangan;*

**berkena** ada hubungan kerabat (kekeluargaan) dgn: *dia tu ~ dgn ayah saudara saya;*

**berkenaan** **1.** berhubungan, berkaitan, bersangkutan, tentang (hal): *wakil Amerika Syarikat itu telah memberikan kenyataan yg jelas lagi munasabah ~ dgn dasar tersebut; beliau akan bercakap ~ dgn kemajuan ekonomi negeri ini; pihak yg ~ pihak yg berkaitan (bersangkutan);* **2.** cocok, sekata, sepakat, sesuai, setuju: *apabila perundingan sudah ~ kelak barulah dapat ditandatangani suatu perjanjian;* **3.** = **berkena-kenaan** saling berkenaan;

**mengena** **1.** tepat kena pd sasaran, matlamat, yg dituju, dll: *tembakannya ~ dan harimau itu rebah tersungkur;* **2.** memperoleh tangkapan (bkn jerat, perangkap, umpan), mendapat (hasil tangkapan dsb): **3.** mendatangkan hasil atau kesan yg dikehendaki atau diharapkan (bkn muslihat atau tipu daya): *perangkapku pun ~ juga seekor kancil besar; kerana ia tahu umpannya sekarang ~, ia mencari muslihat lain lagi utk langkah selanjutnya;*

**kena-mengena** **1.** ada sangkut pautnya (hubungannya, kaitannya, dll): *apa ~nya perkara ini dgn ayahnya?; orang yg diawasi itu sebenarnya ada ~ dgn penipuan yg berlaku itu;* **2.** ada hubungan kekeluargaan (persaudaraan), berkerabat: *ia ~ dgn saya kerana ia berkahwin dgn sepupu saya;*

**mengenai** **1.** kena pd (matlamat, sasaran, dll): *maka peluru meriam itu pun datang ~ segala orang Melaka, ada yg putus lehernya;*

*diparangnya segala tombak itu habis putus-putus, sebilah pun tiada ~ dia; 2. menyentuh, bergesel dgn (sesuatu): hendaklah berhati-hati supaya wayar elektrik itu tidak ~ besi itu; 3. berkenaan (berkaitan, berhubungan) dgn, tentang: dlm buku kecil itu terdapat catatan-catatan penting ~ beberapa perkara; mereka mencari suatu penyelesaian ~ masalah tersebut; 4. menimpa: penyakit campak ini lebih kerap ~ kanak-kanak drpd orang dewasa; 5. Mn, bp bersetubuh;*

**mengenakan** **1.** menyebabkan kena atau menghalakan supaya kena (pd sesuatu sasaran): *tembakan itu dikenakan pd kakinya; 2. melekatkan, memasang: ~ kancing baju; ~ kunci pintu; 3. menjadikan sbg kewajiban (bkn undang-undang, peraturan, dsb), mewajibkan, menjadikan tanggungan atau bebanan (bkn bayaran, cukai, dsb), mempertanggungkan: undang-undang darurat ini akan dikenakan pd setengah-setengah kawasan sahaja; kesatuan akan ~ bayaran yg rendah kpd semua ahlinya yg ingin mengikuti kursus ini; 4. a) memakaikan (baju, kasut, dll) pd diri sendiri atau pd diri orang lain: ia berdiri di hadapan cermin sambil ~ baju barunya; tiada peraturan tertentu tentang cara ~ pewarna mata; b) menyarungkan (cincin): ~ cincin pd jari tunangnya; 5. = **mengena-ngenakan** mempermainkan, memperdaya, menipu: selalu sahaja dia hendak ~ kita dgn berbagai-bagai tipu helahnya;*

*~ tangan kpd ki a) menghukum dll; b) memukul dgn tangan, menangani; ~ baju di badan maka sesuai prb menimbangkan baik buruk perbuatan orang lain berasaskan perasaan atau sifat diri sendiri;*

**terkena** 1. telah dikenakan (dilekatkan, dipasang, dll): *beberapa pakaian yg indah-indah ~ pd tubuh Ibrahim Kakan itu*; 2. mendapat atau tertimpa sesuatu (spt penyakit dll): *tujuan menyuntik penduduk kampung itu adalah utk melindungi mereka drpd ~ penyakit tersebut*; 3. terpedaya, tertipu: *hati-hati sebelum ~*; *berasa ~ a) berasa tertipu; b) berasa tersinggung; c) berasa kecewa, menyesal*; 4. tersentuh (terlekat) pd: *setengah-setengah butir debunga itu akan ~ pd stigma pokok yg berdekatan*; 5. kena sampuk (diganggu makhluk halus): *dia ~ di pokok itu*; 6. menanggung sesuatu perbuatan atau tindakan: *sakitnya spt rasa sakit ~ cubit*;

*~ beragih Mn a) berasa menerima bahagian yg berkurang drpd yg sewajarnya (sepatutnya); b) suram muram mukanya; ~ buat terkena jampi atau sihir*;

*~ pd ikan bersorak, ~ pd batang masam prb ketika untung bergembira dan ketika rugi marah-marah; sekali jalan ~ , dua kali jalan tahu, (tiga kali ~ jera) prb kali pertama tertipu, kali kedua dan seterusnya sudah tahu*;

**perkenakan** menyuruh seseorang memperdaya (menipu) orang lain: *~ saja Mat Dali tu, biar dia bodoh macam kongkang*;

**pengenaan** perihal mengenakan, perbuatan mengenai atau mengenakan: *~ cukai yg tinggi pd barang-barang tersebut dianggap tidak wajar; ~ pantang larang adalah utk mengelakkan drpd memudaratkan lagi keadaan seseorang pesakit*.

**kena** (kéna) ark awak, engkau, kamu.

**kenahang** □ □ **kenohong**.

**kenal** = ~ akan (kpd) 1. dapat mengingat kembali, tahu (kerana sudah pernah berjumpa, mendengar, melihat dsb sebelumnya), cam: *ia*

*tidak ~ akan suara Daim kerana belum pernah bercakap-cakap dengannya; ~ kasihan (malu, susah) tidak tahu kasihan (malu, susah); 2. tahu sedikit sebanyak tentang diri seseorang (sehingga boleh berhubung dengannya sbg sahabat), pernah berjumpa dan bercakap-cakap dgn seseorang sehingga boleh bersahabat dengannya: saya sudah ~ dia semenjak kecil lagi; barangkali kakak belum ~ saya ini siapa; ~ huruf tahu atau boleh membaca (walaupun pd peringkat rendah); belajar ~ bp mulai mengetahui; ~~~ Cina prb baru kenal (belum mesra lagi);*

**berkenal** = ~ dgn bersahabat (dgn), bergaul dgn): *ingin benar ia hendak ~ dgn semua jirannya;*

**berkenalan** bergaul atau berhubungan (dgn seseorang atau antara satu sama lain) sbg sahabat: *lama sudah kami ~; tiada ~ sl tidak dapat ditentukan (dicamkan, diketahui) yg seorang drpd yg lain: maka segala orang yg berperang itu pun menjadi campur baur lah tiada ~ lagi;*

**berkenal-kenalan, kenal-mengenal** kenal antara satu sama lain, saling mengetahui (bersahabat, bergaul): *maka sebab itulah menjadi ~lah bapaku dgn segala raja-raja negeri yg tersebut itu; kalau sekampung sudah tidak kenal-mengenal, tidak ada ertinya tinggal sekampung;*

**mengenal** **1.** dapat mengetahui atau mengecamkan rupa seseorang atau sesuatu yg sudah diketahui sebelumnya, mengecam: *semasa ia menyamakan diri itu, tidak seorang pun yg ~nya;* **2.** kenal atau tahu akan, berhubungan (bergaul, bercakap-cakap) sbg sahabat dgn, berkenalan dgn: *sahabatnya itu bukan baru sehari dua dikenalnya; tak ~ belas kasihan tidak mempunyai rasa belas kasihan;*

**mengenali** 1. kenal akan, mengenal: *dia yg baru sahaja ~ pemuda itu telah sanggup menurut kata-katanya*; 2. mengetahui (rupanya, sifatnya, tanda-tandanya, dll): *aku akan mendapat kesempatan ~ sistem pendidikan di negeri-negeri yg akan kulawati; beliau dikenali sbg seorang yg dermawan*;

**mengenalkan** membuat seseorang kenal akan: *hanya dgn ~ penduduk-penduduk luar bandar kpd perusahaan besar-besaran, barulah rakyat akan sedar*;

**memperkenalkan** 1. menyatakan atau memberitahukan nama seseorang (dan mungkin juga sedikit sebanyak keterangan tentang dirinya) kpd orang lain: *pengerusi majlis ~ jemputan khas kpd para hadirin; sahabat-sahabatnya seorang demi seorang diperkenalkannya kpd aku*; 2. mengusahakan (melakukan) supaya sesuatu itu diketahui orang, memberitahukan (dgn menerangkan dsb): *Nabi menjalankan usahanya ~ agama Islam kpd orang-orang Madinah; ~ kaedah-kaedah mengajar sesuatu bahasa dgn menggunakan berbagai-bagai kemudahan*;

**terkenal** diketahui ramai atau di merata tempat, termasyhur, ternama: *Hang Tuah, seorang pendekar Melayu yg ~ kerana kegagahan dan kepintarannya; Malaysia ~ dgn getah dan bijih timahnya*;

**kenalan** orang yg sudah dikenali, sahabat: *Yusuf banyak ~nya di kota Betawi*; surat ~ = surat perkenalan surat utk memperkenalkan diri seseorang;

**kekenalan** dikenal, diketahui, ketahuan;

**perkenalan** 1. perihal (perbuatan dll) memperkenalkan (seseorang kpd seseorang yg lain): *orang itu mengangguk-angguk tanda*

*bersedia menerima ~ itu; surat ~ surat kenalan; 2. perihal berkenalan, perhubungan (pergaulan dsb) sbg sahabat: ~ kami memang sudah lama; semenjak ~ kami malam itu, tidak pernah aku berjumpa lagi dengannya;*

**pengenalan 1.** perihal mengenalkan; *kad ~ kad* yg mengandungi butir-butir tertentu diri seseorang (spt nama, tarikh lahir, alamat tempat tinggal, dll) utk makluman orang atau pihak yg berkaitan; **2.** perihal (perbuatan dll) mengenal atau mengenali: *botol-botol ubat itu dibubuh label utk ~;*

**pengenal 1.** ciri (tanda-tanda, sifat-sifat) utk mengetahui: *tanda ~ pokok ini ialah daun kecil yg menyelimuti kuntum bunganya itu; ilmu ~ penyakit* Id ilmu tentang menentukan jenis sesuatu penyakit berdasarkan gejala-gejala (tanda-tanda) yg terdapat mengenainya; *zat ~* Id pergabungan (persenyawaan) benda atau zat utk mengetahui sifat-sifat pergabungan kimia benda atau zat yg lain; **2.** Mn ingatan.

**kenaling** Kl menggeletar (kerana ketakutan), berasa gentar.

**kenal pasti; mengenal pasti** mengetahui serta menentukan, mengetahui sehingga dapat menyatakan dgn pasti: *kerajaan akan memperhebat lagi usaha bagi ~ bidang perusahaan baru yg boleh disertai oleh usahawan Melayu; polis telah ~ ketiga-tiga orang lelaki yg terbabit; pengenalpastian* perihal (usaha dsb) mengenal pasti: *makluman itu dapat membantu pihak pentadbir dlm proses ~ pelajar-pelajar yg memerlukan kelas pemulihan dlm bahasa Malaysia.*

**kenalpot** IB, bp sj alat utk mengurangkan bunyi (pd enjin).

**kenan I; berkenan 1.** bersetuju di hati, berasa gembira (puas hati, senang hati): *maka Sultan Mansor Shah pun ~ mendengar bunyi surat itu; ~ pd = ~ di hati* disukai (diminati, disenangi): *yg mana ~ pd encik,*

*ambillah; buat masa ini belum ada gadis yg ~ di hati Nasir; 2. (kata kehormatan yg digunakan utk raja atau orang atasan dgn maksud bersetuju (melakukan sesuatu, menunaikan permintaan utk), sudi: Duli Yang Maha Mulia Sultan telah ~ meletakkan batu asas bangunan itu;*

**memperkenankan** mengizinkan, meluluskan, menyetujui, memakbulkan (bkn Tuhan): *tidaklah dapat ia ~ permintaan Wirja; semoga doamu itu akan diperkenankan Tuhan;*

**perkenanan** perkenan;

**perkenan** izin (keizinan), kelulusan, kerelaan, persetujuan; ~ *diraja* persetujuan rasmi yg diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan, Yang Dipertua Negeri dsb, mis perkenan Yang di-Pertuan Agong terhadap rang undang-undang yg dibahaskan dan diluluskan oleh Parlimen utk membolehkannya menjadi suatu undang-undang atau akta.

**kenan II 1.** tanda atau cacat pd kulit (anggota, tubuh, dll) semenjak lahir, cenangga; **2.** keganjilan tertentu (pd gerak-geri, kelakuan, dll) bawaan semenjak lahir atau kecil; ~ *anjing* keganjilan tentang suara (spt tangisan yg menyerupai salakan anjing dll); ~ *kera* keganjilan tentang gerak-geri (menyerupai gerak-geri kera).

**kenang** timbul kembali dlm fikiran dgn rindu dll (sesuatu yg telah lama berlaku atau hilang drpd pandangan): *kalau tidak ~ sekali, ~ sedikit ada jua;*

**mengenang** mengingat (akan), memikir (akan): *ia tersentak drpd ~ untung dan suratannya; ~ budi* mengingati budi (jasa), menghargai perbuatan baik (orang);



**mengenangkan 1.** = **mengenangi** menimbulkan kembali dlm fikiran (ingatan), membayangkan kembali serta memikirkan, mengingati (dgn perasaan tertentu spt kesedihan, kesayuan, belas kasihan, kerinduan, kegembiraan, dll): *belas hatinya ~ hal si Tirim yg malang itu; fikirannya terharu ~ hidupnya di kampung dahulu; 2.* membuat atau menjadikan (seseorang) teringat, mengingatkan: *pertemuan dgn anaknya ~ dia akan masa yg lampau;*

**terkenang;** ~ akan = ~ kpd = **terkenangkan** teringat akan (seseorang atau sesuatu) spt dlm keadaan sedang mengelamun, terbayangkan serta terfikirkan: *kemudian dia terkenangkan malam indah yg dikecapi bersama-sama Iskandar di tepi pantai yg tenang; ia ~ kpd ayah dan ibunya yg telah meninggal;*

**terkenang-kenang** selalu terkenang (teringat) akan seseorang atau sesuatu;

**kenangan 1.** apa yg dikenangkan atau yg timbul (terbayang) dlm ingatan: *tiba-tiba ~nya bertukar kpd ibu bapanya di kampung; ~ si Tenggang melayang ke masa kecilnya; 2.* hal (daya atau kemampuan) mengenangkan atau mengingati sesuatu; *sudah luput drpd ~ sudah tidak dikenang atau diingati lagi;*

**kenang-kenangan 1.** segala sesuatu yg dikenangkan (dapat dibayangkan kembali dlm fikiran), sesuatu yg (tetap) ada dlm fikiran atau ingatan: *segala-galanya tinggal sbg ~ sahaja; 2.* (menjadi) sesuatu yg dapat mengingatkan (seseorang) tentang sesuatu yg lain (misalnya peristiwa, persahabatan, dll): *hadiah utk ~; bergambar utk ~.*

**kenanga** sj tumbuhan (pokok) dan bunganya yg harum baunya, cenanga, semenderasa, *Canangium odoratum*; minyak ~ minyak yg diperbuat drpd bunga kenanga (baunya harum);

~ hutan a) = ~ paya sj tumbuhan (pokok renek), *Desmos dasymaschala*; b) sj tumbuhan (pokok), antat, kelat kerantau, lidah-lidah, melidah, pokok kuning, *Alangium ebenaceum*.

**kenantan** □ □ **kinantan**.

**kenap** Id sj meja kecil.

**kenapa** bp kena apa, sebab apa, mengapa: ~ kau mengikut jalan ini?

**kenari I** sj tumbuhan (pokok), *Canarium commune*; ~ belanda sj tumbuhan (pokok), *Anygdalus communis*; ~ hutan sj tumbuhan (pokok), kedondong bahu, kedondong bulan, kedondong hutan, kedondong kerut, *Canarium nitidum*.

**kenari II**; burung ~ sj burung kecil yg kuning bulunya, *Serinus canarius germanicus*.

**kenari III**; ketam ~ sj ketam.

**kenarus**; rumput ~ sj tumbuhan (pokok menjalar), paku (rumput) serani, *Lycopodium cernum*.

**kenas 1**. pekasam drpd lokan dll; **2**. siput (kerang, tiram) yg diasinkan.

**kencah** □ □ **kincah**.

**kencana** sl emas; anak-anakan ~ patung drpd emas.

**kencang I 1**. tegang (spt tali yg direntang), tidak kendur; angin ~ kelat angin yg keras tiupannya (hingga mempertegang tali kelat); **2**. cepat, pantas, deras, laju: *larinya kian ~ dan kian jauh pula ia meninggalkan orang yg mengikutinya*; **3**. erat-erat, kuat-kuat, teguh: *dipeluknya ~*;

**mengencang** menjadi kencang (deras, pantas, laju, dsb): *hembusan angin semakin ~; kereta kian ~;*

**mengencangkan** 1. menjadikan kencang, menegangkan, mengeratkan (ikatan dll), menguatkan (bunyi dll): *bunyi radio itu semakin dikencangkan;* 2. mempercepat, melekaskan, melancarkan (perundingan dll);

**memperkencang** 1. memperkuat (bunyi dll), mempererat (ikatan dll); 2. mempercepat, menjadikan lebih lancar (perundingan dll);

**kekencangan** 1. ketegangan; 2. kecepatan, kederasan.

**kencang II**; *~-kencung* bunyi spt bunyi enjin (bunyi cang-cung).

**kencar**; **terkencar-kencar** tidak tahu apa yg akan dibuat, gopoh-gapah, gugup, tergesa-gesa.

**kenceng** (kéncéng) I C sj gurdi (bor kecil) yg diputar dgn busur.

**kenceng** (kéncéng) II sj kawah yg bertangkai (dibuat drpd besi atau tembaga).

**kencing I** 1. = *air* ~ air najis yg keluar dr kemaluan, air seni; 2. = **berkencing** buang air kecil, berkemih; *jamban* ~ bilik air (tempat membuang air kecil);

~ *darah* sj penyakit yg menyebabkan keluar darah dr kemaluan; ~ *manis* sj penyakit yg menyebabkan air kencing mengandung zat gula; ~ *nanah* sj penyakit jantina yg menyebabkan keluar nanah dr kemaluan; *air* ~ *lembu* nira nyiur yg dimasak pd masa membuat gula Melaka; *guru* ~ *berdiri anak murid* ~ *berlari* prb murid selalu mengikut kelakuan gurunya (terutama kelakuan buruknya);

**mengencingi** 1. mengenakan air kencing pd; 2. bk meniduri;

**terkencing** kencing dgn tidak sengaja, kencing dgn tidak dapat ditahan lagi;

**pengencingan** = **pekencingan** **1.** pundi-pundi kencing; **2.** alur air kencing dlm kemaluan.

**kencing II;** ~ *kambing* sj tumbuhan (pokok renek), akar lakum hutan, akar lembut, *Jasminum griffithii*; ~ *pelanduk* sj tumbuhan (herba), dedalu ingap, *Apostasia nuda*; akar ~ *kerbau* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kunyit, kekunyit, *Fibraurea chlorleuca*.

**Kensiu** (kénsiu) penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Negrito, yg tinggal di kawasan pinggir daerah Baling, Kedah.

**kencong** (kéncong) **I** Mn serong, bengkok, miring, pencong; *kasut* ~ kasut yg hujungnya bengkok ke atas;

**mengencong** menyimpang (bkn jalan dll), membelok;

**mengencongkan** mengherotkan (bibir), membengkokkan; ~ *perkataan orang* memesonkan perkataan orang.

**kencong** (kéncong) **II** sj tumbuhan (pokok), larak, pokok girah, *Ellipeia* (*Popowia*) *nervosa*; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar jangkang, akar larak, *Fissistigma manubriatum*.

**kencung** sj bunyi (spt bunyi cung-cung).

**kencur** Jw sj tumbuhan (herba), cekur, *Kaempferia galanga*.

**kendaga** peti atau kotak kayu yg dihiasi dgn kulit kerang (atau dibebat dgn anyaman).

**kendak** lelaki atau perempuan yg dijadikan teman berzina (atau teman bersekedudukan di luar nikah);

**berkendak** bermukah, berzina: *maka Hang Tuah pun dibuatkan orang fitnah dikatakan ia ~ dgn seorang dayang raja*;

**memperkendak, memperkendaki** menjadikan kendak, mengajak berkendak: *maka gundik raja yg diperkendak oleh Hang Kasturi itu dilihat oleh Hang Tuah*.

**kendal** Jw sj tumbuhan (pokok), pelekat, sekendal, sekendi, *Cordia myxa (obliqua)*.

**kendala** 1. rintangan, halangan, gendala; 2. paksaan (sekatan, batasan) yg dikenakan kpd seseorang dll; 3. sesuatu yg mengekang: ~ *kewangan*;

**mengendalakan** merintang, menghalangi: *kepercayaan karut ini boleh ~ pembangunan kampung*.

**kendali** Jw 1. kekang; 2. tali kekang (kang); *peluru* ~ peluru berpandu;

**mengendalikan** 1. mengenakan kekang: ~ *kuda*; 2. mengekang, menahan (hawa nafsu, kenaikan harga barang, dll), menguasai, mengawal (pasukan dsb): *sungguh banyak sekali manusia yg lemah dan tidak dapat ~ dirinya utk menahan hawa nafsu*; 3. mengurus(kan), mentadbir(kan), mengawal perjalanan: *engkau mesti mempelajari cara-cara ~ pertubuhan; beliau akan ~ syarikat tersebut bersama-sama dua orang lagi*;

**terkendalikan** dapat (berupaya) dikendalikan: *persaingan yg tidak ~*;

**kendalian** 1. bahagian dlm sesuatu bidang kerja: *kerja-kerja percetakan adalah ~ terakhir dlm proses penerbitan*; 2. hasil perbuatan mengendalikan;

**pengendalian** perihal mengendalikan (mengekang, menguasai, mengurus, dll); ~ *harga* pengawalan harga (supaya tidak dinaikkan dgn sesuka hati);

**pengendali** pemimpin, pengurus, pentadbir.

**kendana** Mn ark; **mengendanai** mengawas, mengamat-amati, menjaga.

**kendang I** Jw gendang.

**kendang II** rim (bkn kertas);

**sekendang** satu rim (sebanyak 500 helai): *kertas ~*.

**kendang III** sj ikan laut, *Scatophagus argus*.

**kendang** (kéndang) Mn; **kendang-kendang, kendang-kendangan**; *kain ~*  
kain pakaian sehari-hari (terutamanya selendang).

**kendati 1.** = **kendatipun** walaupun, meskipun, biarpun: *janggallah sekiranya permulaan babak ini didahului oleh si gadis, kendatipun begitu, tentunya ada juga yg berlaku*; **2.** ark jangankan.

**kendeka** (kendéka) Jk; *kayu ~* sj tumbuhan (pokok), *Avicennia marina*.

**kendelam** □ □ **kemendelam**.

**kendera**; **berkendera** menaiki sesuatu jenis kenaikan (spt motokar dll),  
menunggang kuda (gajah dll);

**mengenderai** menaiki kereta dll, menunggang kuda dll: *dgn ~*  
*sebuah jip, ia segera membawaku mendaki Bukit Barisan*;

**kenderaan** kenaikan (spt motokar, bas, kereta api, basikal, dll),  
tunggangannya (spt kuda, gajah dll): *jalan raya masih sibuk dgn ~ dan*  
*tentera Jepun yg maju ke Selatan*;

*pajak ~* Id pajak (cukai) yg dikenakan ke atas kenderaan; *~ awam =*  
*~ umum* kenderaan utk orang ramai (yg disewakan kpd orang  
banyak); *~ berat* kenderaan bermotor yg beratnya bersama muatan  
melebihi lima tan, spt bas dan lori; *~ pacuan empat roda* kenderaan  
bermotor yg keempat-empat rodanya mempunyai kuasa utk  
menggerakkan atau menjalankan kenderaan; *~ ringan* kenderaan  
bermotor yg beratnya bersama muatan kurang drpd lima tan, spt  
kereta, van dan motosikal;

**berkenderaan** menggunakan atau mempunyai kenderaan (spt  
berbasikal, berkereta, berkuda, dll): *mereka datang beramai-ramai,*  
*ada yg ~ dan ada yg berjalan kaki sahaja; walaupun ia pegawai yg*

*berdasi dan ~ mobil, ia kemudian menggabungkan dirinya dgn syarikat buruh;*

**pengendera 1.** orang yg menaiki atau menggunakan kenderaan (spt kereta dsb); **2.** ark penunggang (kuda, gajah, dll).

**kenderap** sj ikan air tawar, kenjing, tinggang, *Bagarius bagarius*.

**kenderi I;** *saga* ~ sj ukuran berat bagi menentukan berat emas: *12 ~ sama dgn 1 mayam*.

**kenderi II;** *kayu* ~ = ~ *batang* sj tumbuhan (pokok), *Adenanthera pavonina*.

**kendi I** sj bekas air yg bermuncung (bercerat) dan bertangkai (dibuat drpd tembikar atau tin).

**kendi II;** *burung* ~ **1.** sj burung gajah, burung pisau raut, *Numenius phaeopus variegatus*; **2.** sj burung, burung raut, *Numenius arquata orientalis*.

**kendik; berkendik-kendik** Kd berjalan terhenjut-henjut (spt orang yg memikul air).

**kendil** Jw sj periuk.

**kendiri** sendiri;

**kekendirian** keadaan atau sifat sendiri; **kediri**.

**kendit** ikat pinggang, tali pinggang (drpd kain, benang, dll); **kemendit**.

**kendo** (kéndo) sj seni bermain pedang di kalangan masyarakat Jepun.

**kendong** (kéndong); **mengendong** membawa barang dgn dibungkus dlm kain sarung (sapu tangan dll): *buah-buah itu dipungutnya dan dikendongnya*.

**kenduduk;** *ubi* ~ sj ubi, *Dioscorea alata*.

**kendung, kendungan** sj tumbuhan (pokok), *Symplocos laurina*.

**kendur 1.** tidak tegang (bkn tali, rantai, dsb yg direntang), tidak regang (bkn kulit pd gendang, tambur dsb), lentur: *dawai ampaian itu terlalu ~; bunyi gendang kurang baik kalau kulitnya ~*; **2.** tidak tegang (bkn kulit atau daging pd muka dsb), lentur, (agak) berkedut: *mukanya sudah mulai ~ dan menampakkan kesan drpd usianya*; **3.** tidak kedap, tidak terik (tegang): *jahitan jangan terlampau tegang atau ~*; **4.** tidak teguh atau erat (ikatan dll), tidak terik, longgar: *ikat hamba ~-~*; **5.** (menjadi) tidak genting (tegang atau mencemaskan, bkn sesuatu keadaan, krisis, dsb): *keadaan darurat sekarang sudah ~; ketegangan antara kedua-dua buah negara itu ~ sedikit selepas perundingan*; **6.** tidak ketat atau keras (bkn peraturan, pemerintahan, pengawasan, dsb), longgar; **7.** tidak keras atau kencang lagi (bkn tiupan angin, serangan, dll), menjadi reda, kurang hebat; **8.** tidak keras (kuat atau lantang): *suaranya ~*; **9.** lembap, meleset: *perniagaan kini ~ dan harga barang jatuh sedikit*;

**berkendur-kendur** tidak keras (erat, tegang);

**mengendur** menjadi kendur (tidak tegang, keras, kencang, cemas, dll): *debaran hatinya mulai ~ dan akhirnya keberaniannya kembali pulih; dawai kabel yg terentang itu ~ sedikit; keadaan tegang yg boleh mencetuskan peperangan itu terasa telah ~*;

**mengendurkan** menjadikan atau menyebabkan kendur (tidak tegang, keras, cemas, dll): *tujuan senaman ini ialah utk ~ urat-urat yg telah menjadi tegang*;

*~ hutang* mengurangkan hutang; *~ ikat pinggang* melonggarkan ikat pinggang; *~ keadaan yg tegang* menjadikan keadaan tidak genting atau mencemaskan; *~ tekanan kikir* melemahkan tekanan kikir; *~*



*radio* memutarakan pesawat radio supaya tidak nyaring bunyinya; ~ *syarat-syarat yg dikenakan* melonggarkan syarat-syarat;

**terkendur** menjadi atau berada dlm keadaan kendur (tidak tegang dll): *dawai itu dipasang ~ sedikit*;

**kekenduran** perihal kendur;

**pengenduran** perihal (perbuatan) mengendur atau mengendurkan.

**kenduri I** perjamuan makan (yg lazimnya didahului oleh zikir, doa, dsb) kerana sesuatu tujuan keagamaan (minta berkat, mendoakan orang yg telah meninggal, memperingati sesuatu peristiwa, dll), selamat: *malam itu diadakan ~ di surau tersebut*;

~ *apam* kenduri bagi menyambut Mikraj (biasanya diadakan dlm bulan Rejab); ~ *arwah* kenduri utk memperingati (mendoakan) orang yg telah meninggal; ~-*kendara* berbagai-bagai jenis kenduri; ~ *kunut* kenduri yg diadakan dlm bulan puasa; ~ *maulud* kenduri kerana menyambut (meraikan) hari lahir nabi; ~ *meniga (menujuh, empat puluh, meratus)* hari kenduri arwah yg diadakan pd hari yg ketiga (ketujuh, keempat puluh, keseratus) hari selepas kematian seseorang; ~ *moreh* kenduri yg diadakan dlm bulan puasa (pd waktu berbuka puasa atau selepas sembahyang terawih); ~ *selamat* kenduri kerana bersyukur atas selamatnya sesuatu pekerjaan (per kembalian atau kepulangan seseorang dll);

**berkenduri** mengadakan kenduri: *kerabat Ramlah boleh jadi ~ di rumah mereka*; ~ *arwah* mengadakan kenduri arwah; ~-*kendara* mengadakan berbagai-bagai jenis kenduri;

**mengendurkan 1.** mengadakan kenduri utk (memperingati orang mati dll): *orang itu pun dibunuh lalu dikapani dan ditanam serta dikendurkan hingga penujuhnya*; **2.** menjadikan bahan kenduri,

menggunakan sesuatu utk kenduri: *daging kambing itu pun dikendurikan*; **kanduri**.

**kenduri II**; ~ *batang* sj tumbuhan (pokok), saga, *Adenanthera paronina*.

**keneh** (kenéh) □ □ **kenek**.

**kenek** (kenék) IB penolong (pembantu) tukang, pembantu pemandu kendaraan, kelindan; **keneh**.

**keneker** (kenékér) IB guli, kelereng.

**kenen** (kénén) bp; **mengenen 1**. membuat pukulan (hantaran, balingan, dll) secara tidak langsung dengan melencongkan bola dsb ke tempat lain sebelum ke sasaran; **2**. membuat atau mengatakan sesuatu dgn tujuan mengenakan atau menyindir orang lain.

**kenerak** sj tumbuhan (pokok), galai, *Goniothalamus tapis*.

**kenerian** sj tumbuhan (pokok memanjat), *Premna ridley*.

**kenes** (kenés) Jw genit, bergaya, keletah.

**keng** (kéng) bunyi anjing dll.

**kengkalung** rantai leher; □ □ **kalung I**.

**kengkang** (kéngkang) dlm keadaan kaki mengempar ke luar ketika berjalan;

**mengengkang** berjalan dgn kedua-dua belah kaki agak membuka ke kiri dan ke kanan disebabkan kaki mengempar ke luar, mencakah: *dia datang ~ ke meja minuman itu*;

**terkengkang-kengkang** dlm keadaan mengengkang: *seorang demi seorang turun dr bas, berjalan ~*.

**kengkarung** □ □ **bengkarung**.

**kengkatuk** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar dedaup, dau, *Bauhinia flammifera*.

**kengkeng** (kéngkék) **I**; **mengkengkeng** menjerit keras kerana kesakitan (bkn anjing), memeking (bkn anjing), mendengking-dengking (menangis dll).

**kengkeng** (kéngkék) **II**; **terkengkeng** terangkat kaki sebelah (bkn anjing dll), terkelepai (bkn tulang yg patah).

**kengkiak** □ □ **kiak-kiak**.

**kengkiang** □ □ **rengkiang**.

**kengkunang**; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), barung, obak, sopi, *Elaeocarpus robustus*.

**kengwa** (kéngwa) C sj tumbuhan (herba yg berwarna putih dan kembang tengah malam), gul bakawali.

**kenidai 1**. sj tumbuhan (pokok); **2**. = ~ *babi* sj tumbuhan (pokok), kernam, kernung, *Bridelia stipularis*; **3**. = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), kerenam, *Bridelia monoica*;  
~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), berenam, hujan panas putih, memputeri, mengkerai, *Glochidion sericeum*; ~ *gajah* = ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), *Bridelia pustulata*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok) *Glochidion brunneum*; ~ *punai* sj tumbuhan (pokok), kerenam, petaling pagu, sebasah, *Antidesma cuspidatum*.

**kenik** sj tumbuhan (pokok), kayas, *Antiaris toxicaria*.

**kenikah**; ~ *batu* sj tumbuhan (herba), kerukuh batu, *Hedyotis auricularia*.

**kening 1**. = *bulu* ~ bulu di atas kelopak mata (di bahagian bawah dahi), alis; *angkat* ~ memberi isyarat atau alamat dgn menggerakkan kening ke atas; *terangkat* ~ pagi hari ketika matahari baru terbit (di antara pukul 7.30 hingga 8.00); *belum terangkat* ~ pagi hari sebelum matahari berada di atas kaki langit; **2**. Mn dahi: ~nya kelihatan

*berkerut-kerut spt orang yg sedang mengingat sesuatu; beradu ~ berhadap-hadapan muka, berjumpa; berkilat ~nya cantik rupanya.*

**kenini** sj ubat pil (utk mengubati penyakit malaria).

**kenit** terlalu kecil.

**kenjah; berkenjah-kenjah** bersepah-sepah, bertaburan.

**kenjar** tegang.

**kenjing** sj ikan darat, kenderap, tinggang, *Bagarius bagarius*.

**kenjur** □ □ **kejur I.**

**kenkacang; akar** ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar mekacang, akar nyamuk, akar rusa-rusa, *Agelaea vestila*.

**kenohong** ark sj penyakit kusta.

**kenop I** IB benda bulat yg dipasang pd pintu sbg pemegang atau sbg pembuka pintu (apabila diputarkan), bahagian yg bulat bentuknya pd radio (televisyen dll) yg diputarkan utk menghidupkan atau mematikan radio dsb (mengawal kecil besar suara dll).

**kenop II** IB kancing baju.

**kenop III, kenot** IB sj pemukul drpd getah, gada getah.

**kensel** (kénsél) bp; **dikensel** dibatalkan, dimansuhkan: *oleh sebab saya kurang awas, lesen saya ~.*

**kental 1.** (berkeadaan) antara cair dgn keras atau beku, hampir beku, sangat pekat (hingga tidak boleh mengalir spt air): *setelah dipanaskan agak lama, benda ini menjadi ~ spt agar-agar yg separuh beku; 2.* karib, akrab (bkn persahabatan); *sahabat ~ sahabat karib; 3.* teguh, kukuh, kuat: *usaha-usaha ini memerlukan semangat yg ~ dan sanggup berusaha tanpa mengenal jemu;*

**mengental** menjadi kental (pekat), hampir membeku: *bancuhan kuih dodol itu ~ setelah dipanaskan sambil dikacau beberapa lama;*

**mengentalkan** menjadikan kental, memekatkan (hingga tidak boleh mengalir spt cecair); ~ *persahabatan* mengukuhkan (mengaribkan) persahabatan;

**kentalan** benda yg kental;

**kekentalan** perihal kental, sifat (keadaan) kental;

**pengentalan** perihal atau perbuatan mengental atau mengentalkan;

**pengental** bahan (benda) yg mengentalkan: ~ *susu getah*.

**kentala**; *burung* ~ sj burung.

**kentang** = *ubi* ~ sj ubi (dimasak dlm gulai atau dijadikan bahan kuih),  
*Solanum tuberosum*.

**kentar** ark sj ukuran berat utk menimbang emas.

**kentara** jelas kelihatan, tampak dgn terang (nyata);

**mengentarkan** menjadikan (menyebabkan) kentara, menampakkan dgn jelas (nyata); □ □ **ketara**.

**kentas** □ □ **gentas**.

**kentung** bunyi buluh atau kayu berongga dipukul;

**berkentung-kentung** berbunyi spt bunyi buluh atau kayu berongga (bercabang) dipukul;

**kentung-kentung**, **kentungan** buluh atau kayu berongga yg dijadikan alat bunyian (dipalu utk menyatakan waktu atau menyampaikan sesuatu alamat), ketuk-ketuk; **ketung II**.

**kentut 1**. angin yg keluar menerusi pelepasan (jubur); **2**. = **berkentut** mengeluarkan angin menerusi pelepasan;

**mengentutkan** mengeluarkan kentut (dgn sengaja);

**terkentut** berkentut dgn tidak sengaja (kerana tidak dapat ditahan lagi) atau dgn tiba-tiba.

**kentut-kentut** sj tumbuhan (pokok renek), sekentut, *Saprosma glomerulatu*.

**kenung 1.** bunyi spt bunyi gong (canang besar) dipukul; **2.** Jw sj alat bunyi-bunyian spt gong. □

**kenup** □ □ **kenop II.**

**kenur** bp benang kasar, tali.

**kenya** Jw ark anak dara, gadis, perawan.

**kenya** (kénya); **berkenya** sabung-menyabung (bkn kilat).

**Kenyah** suku kaum peribumi di Sarawak, yg termasuk dlm kumpulan Orang Ulu, kebanyakannya tinggal di pedalaman di hulu Sungai Baram berasal dr daerah Bugis dan pedalaman Kalimantan.

**kenyal 1.** keras menganjal apabila ditekan (spt bola getah), keras tetapi empuk (bkn daging yg telah dimasak dll), agak liat; **2.** mudah berubah (menjadi bertambah atau berkurang), elastik;

**mengenyal** berbalik semula ke keadaan asal setelah ditekan (spt bola getah, daging manusia, dll), menganjal;

**kekenyalan** perihal (sifat) kenyal.

**kenyam; mengenyam 1.** mengecap (masakan atau makanan); **2.** merasai (kemewahan dll), menikmati.

**kenyang 1.** hilang sama sekali rasa lapar (kerana sudah makan dgn cukupnya), sudah banyak (puas) makan, sudah berisi makanan dgn cukupnya (bkn perut): *perutku ~, aku sudah makan*; **2.** sudah penuh (berisi atau menyerap sesuatu): *tanah itu harus disiram dgn air hingga ~*; **3.** ki selalu (banyak) mendapat atau mengalami sesuatu, puas (kerana banyak mendapat sesuatu): *~lah Jazuli semalam itu oleh bermacam-macam sanjungan; dia sudah ~ dgn cercaan demikian*;

*orang yg ~, kalau dijamu dgn lauk yg sedap sekalipun, berkata tawar juga prb orang yg tidak berkehendakkan pemberian kita tidak akan menghargainya sekalipun ia indah;*

**mengenyangkan** menjadikan kenyang (hilang rasa lapar), memberi makan atau mengisi sampai kenyang: *dgn budi bahasa, tidak akan dapat ~ perut yg lapar; sepinggan nasi sudah cukup utk ~ aku;*

**kekenyangan 1.** perihal kenyang (tidak berasa lapar), kepuasan; **2.** terlalu kenyang (kerana makan terlalu banyak): *maka anak gergasi itu pun mati oleh tersangat ~.*

**kenyap** ark□□□kecap.

**kenyat;** ~-kenyit = ~-kenyut berdenyut-denyut, kemet-kemet.

**kenyek** Tr memicit, memenyekkan: *beruk Pak Jalil sedang ~ kutu.*

**kenyi, kenyih** Jk mudah mendapat (berasa) sakit.

**kenyir** ingin (hendak makan).

**kenyit; mengenyit** mengelipkan mata atau mengangkat kening sbg memberi isyarat, biasanya dgn sebelah mata: *tetapi kalau berjumpa anak dara orang di tengah jalan, ~ mata pula;*

**mengenyitkan** mengelipkan sebelah mata: *Ong senyum-senyum sambil ~ matanya kpd aku;*

**terkenyit-kenyit** terkelip-kelip: *~ mataku menelek di cermin kecil itu; mukanya merah, matanya ~;*

**kenyitan** kelipan dgn sebelah mata: *dgn ~ mata, Tuan Hess berisyarat kpd Encik Ramli.*

**kenyut; mengenyut** menghisap susu, menyusui;

**kenyutan** puting getah.

**keok** (kéok) I bunyi ayam ketika ditangkap atau kerana ketakutan;

**berkeok-keok, berkeokan** berbunyi keok-keok (spt bunyi ayam ketika ditangkap): *pd satu tengah malam, kami terkejut oleh bunyi bising ayam berkeokan di bawah rumah.*

**keok** (kéok) **II** bp kalah, tewas.

**terkeok** tertewas: *yg ada, hanya asyik hendak makan saja sehingga lawan ~ langsung.*

**keong** (kéong) sj siput darat; *rumah ~ kulit siput keong.*

**kep** (kép) **I** penggalak (pd senapang); **kip.**

**kep** (kép) **II** bp sj tutup kepala.

**kep** (kép) **III** bp jambul.

**kep** (kép) **IV**; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar larat (larit, lerek), akar singuluh, Melodorum fulgens.*

**kepada 1.** kata utk menyatakan arah ke (dipakai sebelum nama orang atau kata pengganti diri), *pada: mengirim surat ~ orang tuanya; 2.* terhadap, akan: *jangan berbuat jahat ~ orang; 3.* daripada, *pada: baginda memohon Siantan ~ Betara Majapahit; ia penolong ~ Pegawai Daerah.*

**kepah I** sj remis; jenis-jenis: ~ *batu, ~ bugis, ~ kurap dll.*

**kepah II** Kl, Tr; **mengepah** mengulum dan menghisap: ~ *daging (tebu dll).*

**kepai**; *udang ~ sj udang kecil, geragau.*

**kepak 1.** sayap: *ayam jantan itu mengibar-ngibarkan ~nya; ~ burung; ~ kupu-kupu; 2.* bahagian sesuatu yg menyerupai sayap; ~ *pintu daun pintu;*

**berkepak 1.** mempunyai kepak, bersayap (burung, agas, dll): *setengah-setengah haiwan yg ~ tidak dapat terbang; ada burung yg ~ besar dan ada yg ~ kecil; 2.* berdaun (bkn pintu, tingkap): *pintu ~*



*dua*; **3.** = **berkepak-kepak** mengibarkan kepak (spt ayam jantan yg hendak berkokok);

**mengepak-ngepak** = **terkepak-kepak** berkepak-kepak, mengibar-ngibarkan kepak (sayap);

**mengepak-ngepakkan** mengibar-ngibarkan (sayap).

**kepak** (képak) **I**; **mengepak** mendukung (budak dll) di rusuk.

**kepak** (képak) **II**; **mengepak-ngepak** terkapai-kapai.

**kepak** (képak) **III** ark; **mengepak** membengkokkan (dahan dll) hingga patah;

**terkepak** bengkok atau patah (dahan kayu dll).

**kepaksa** ark Id terpaksa.

**kepal I 1.** = **kepalan** gumpal (nasi, tanah dll, yg padat setelah digenggam-genggam): *disuapkannya ~ nasi itu ke mulutnya*; **2.** seisi genggam tangan (bkn nasi dll), sebanyak yg dapat dipadatkan dlm genggam (bkn nasi dll), genggam: *se~ nasi*; **3.** = ~ tangan = **kepalan** genggam (tangan), penumbuk, tinju; *diberi ~ ditumbuk (ditinju)*; *se~ menjadi gunung, setitik menjadi laut* prb a) drpd sedikit menjadi banyak; b) perkara kecil dibesar-besarkan;

**berkepal-kepal** beberapa kepal (nasi dll), bergumpal-gumpal;

**mengepal 1.** = **mengepal-ngepal** memadatkan (nasi, pulut, tanah, dll) dlm genggam tangan; **2.** menggenggam: *Mahat meronta drpd pegangan Dolah, sebelah tangannya ~ penumbuk*;

**mengepalkan** menjadikan (tangan) terenggam, menjadikan kepalan, menggenggamkan: *Rafidah ~ kedua-dua belah tangannya utk menahan drpd menangis*;

**terkepal** terenggam: *jari-jari tangannya yg ~ itu masih lagi terletak di atas meja itu*;

**kepalan 1.** kepal, gumpalan (nasi, tanah dll); **2.** genggam tangan.

**kepal II;** ~ batu sj ikan laut; a) *Abudefduf bengalensis*; b) *Abudefduf curacao*; c) *Abudefduf melas*; ~ laut sj ikan laut, *Abudefduf notatus*.

**kepal III** sj kuih (dibuat drpd pulut yg dikisar dan dimasak dgn santan dan gula melaka).

**kepala I 1.** bahagian tubuh (manusia atau binatang) drpd leher ke atas atau ke hadapan (tempat terdapatnya mata, mulut, telinga, dll), hulu; *sakit* ~ sakit pd kepala (menyebabkan kepala berasa pening); **2.** bahagian sesuatu yg di sebelah atas (hadapan atau hulu) sekali: ~ *paku (skru, jarum peniti, dll)*; ~ *perarakan*; ~ *surat*; **3.** ketua (pejabat, perkumpulan, pertubuhan, dll), pemimpin (negara dll), penghulu (kampung dll): *lagaknya macam seorang ~ samseng yg ganas; banyak ~ negara yg dijangka akan datang memberi penghormatan kpd Churchill*; **4.** otak, akal, fikiran: *nasihat itu tidak masuk di ~ budak itu*; **5.** orang (digunakan dlm perhitungan atau perkiraan): *fitrah bagi tahun ini telah ditetapkan seringgit tiap-tiap satu ~;* ~ *air* permulaan atau penghabisan air bah, lidah air; ~ *angin* a) angin yg mendahului angin ribut; b) (orang yg) mudah berubah perangnya (ada kalanya baik dan ada kalanya meradang); c) bp tidak berfikiran (berakal), bodoh; ~ *arwah* hidangan istimewa (utama) dlm kenduri arwah; ~ *bahagian* ketua bahagian pejabat dll; ~ *bahu* bahagian bahu yg menonjol dan bertemu dgn pangkal tangan; ~ *batu* keras hati (tidak mahu menurut kata, nasihat atau tunjuk ajar orang); ~ *berat* = *berat* ~ tidak tajam akalnya, tidak lekas memahami sesuatu; ~ *berita* kata-kata terpenting sbg tajuk berita (yg secara ringkas membayangkan kandungan atau butiran berita); ~ *busung* Id kepala membesar kerana rongga-rongga otak dimasuki

benda cair; ~ *daerah* (*desa, kampung, kuria, marga*) orang (pegawai) yg mengetuai daerah (*desa, kampung, kuria, marga*); ~ *dingin* = *dingin* ~ penyabar (tenang, tidak lekas marah); ~ *dua* (orang yg) menyebelahi dua atau beberapa pihak (tidak menyokong atau setia kpd satu pihak sahaja); ~ *gigi* bahagian gigi sebelah atas (yg tidak tertanam di dalam daging); ~ *kain* (*sarung*) bahagian kain (*sarung*) yg coraknya berlainan drpd bahagian terbesar kain itu; ~ *karangan* tajuk karangan; ~ *keluarga* orang yg mengetuai sesuatu keluarga; ~ *kereta api* bahagian hadapan kereta api yg menarik gerabak-gerabaknya, lokomotif; ~ *kodi* a) = ~ *perkodian* kain (*sarung*) sbg contoh (diletakkan di atas susunan kain); b) ketua kumpulan orang jahat atau budak nakal; ~ *kongsi* ketua gerombolan jahat; ~ *lakon* pelakon terpenting dlm sesuatu lakonan atau cerita; ~ *mayat* Kl bahagian harta pusaka yg diterima oleh balu si mati; ~ *negara* ketua negara (spt raja atau presiden); ~ *negeri* a) ark ibu negeri, ibu kota; b) ketua negara (spt presiden dll); ~ *paip* bahagian paip air tempat air memancur keluar (boleh dibuka dan ditutup); ~ *payung* puncak payung (bahagian payung yg di atas sekali); ~ *pasukan* (*perang*) pemimpin pasukan (*perang*); ~ *pengat* Tr ketua sesuatu kumpulan (*samseng, penjahat, dll*); ~ *pintu* bahagian betul-betul di sebelah atas pintu; ~ *pulau* bahagian pulau yg tertinggi; ~ *raja* ark setem (tanda penjelasan bayaran pos dll); ~ *regu* pemimpin (ketua) regu; ~ *ribut* a) angin yg mula-mula bertiup (sebelum berlakunya ribut yg sebenar); b) Kl orang yg menimbulkan (memulakan) kekacauan; ~ *santan* santan (kelapa) yg pekat (diperoleh drpd perahan yg terawal); ~ *sekolah* guru besar (ketua guru-guru); ~ *stasiun* Id ketua stesen; ~ *surat* pendahuluan atau

permulaan surat; ~ *susu* bahagian air susu yg kental (pekat); ~ *tahun* awal tahun; ~ *tangga* pangkal ibu tangga; ~ *tiang* bahagian atas tiang; ~ *tingkap* bahagian dinding betul-betul di sebelah atas tingkap; ~ *tongkat* hulu tongkat; ~ *udang* ki sangat bodoh;

~ *sama berbulu (hitam)*, *pendapat (hati) berlain-lain* prb manusia berlain-lainan pendapat; *diberi (di) bahu hendak (ke)* ~ prb diturutkan sekali sahaja kemahuannya, ia terus meminta lagi (bkn seseorang yg dimanjakan); *sakit ~ panjang rambut, patah selera banyak makan* prb pd lahirnya tidak suka tetapi sebenarnya suka sekali; *silap mata pecah* ~ prb jika tidak hati-hati tentu akan mendapat bencana; *tidak tentu ~ ekor* prb a) tidak tentu hujung pangkalnya; b) sangat gemuk atau tambun;

**berkepala** mempunyai atau memakai kepala (dlm berbagai-bagai erti): *maka dilihat Seri Rama seorang raksasa itu tiada ~ dan tiada bertangan; cerita tiada* ~ cerita tidak berjudul (bertajuk); *pasukan tidak* ~ pasukan tidak berketua; ~ *batu keras hati, sangat degil*;

**mengepala** berlaku atau memainkan peranan sbg kepala (pemimpin dll);

**mengepalai** menjadi kepala (penghulu, ketua, pemimpin, dll) kpd, memimpin, mengetuai: *lembaga yg baru ditubuhkan itu dikepalai oleh seorang ahli Parlimen*;

**mengepalakan** **1.** mengangkat menjadi kepala (pemimpin dll), menjadikan kepala (ketua dsb); **2.** sl mengenderai (menunggang) serta mengendalikan (gajah dll), menaiki dan memandu (kereta dll): *maka Raja Kasim naik gajah yg bernama Juara Demang, Seri Nara Diraja ~ gajah; ~ pedati*; **3.** menanduk (bola): *senaman yg*

*memberikan kecekapan dlm menangkap, membuang, menendang dan ~ bola;*

**pengepala** orang yg mengepalai.

**kepala II;** ~ *beruk* sj tumbuhan (benalu), dedalu api laut, *Hydnophytum formicarium*; ~ *landak* sj tumbuhan (pokok), cempaka ganda, *Talauma candollei*; ~ *patung* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar dama-dama, *Kadsura scandens*; *daun ~ tupah* sj tumbuhan (paku-pakis), *Drynaria quercifolia*; *rumpun ~ lalat* sj tumbuhan (rumpun), rumpun para-para, rumpun purun batu, *Fimbristylis diphylla*; *rumpun ~ lalat halus* sj tumbuhan (rumpun), rumpun janggut kuau, rumpun purun batu, rumpun salah pemakai, rumpun serai jantan, *Fimbristylis aestivalis*.

**kepala III;** ~ *timah* sj ikan darat, mata lalat, *Aplocheilus panchax*.

**kepalang 1.** = *alang* ~ (terlalu, sangat) sedikit, tidak memadai, tidak berapa atau tidak cukup (besar, tinggi, dll); *bukan (alang)* ~ bukan sedikit, (terlalu) banyak, bukan buatan, bukan main, amat sangat: *bukan alang ~ perbelanjaannya; medannya indah bukan ~, rantaunya luas bagai dibentang; bukan ~ terperanjatnya dia; 2.* = ~ tanggung kurang sempurna, tidak cukup, tanggung-tanggung: *kalau kita tidak mempunyai cukup persediaan, ~lah kita mengadakan Hari Raya tahun ini; jangan ~ jangan tanggung-tanggung* (kurang sempurna), jangan tidak mencukupi; **3.** = *sudah* ~ sudah terlanjur, sudah separuh jalan (membuat sesuatu): *sudah ~ dibuat biarlah dihabiskan kerja itu.*

**kepam** menjadi lapuk atau buruk kerana tersimpan lama atau tidak dianginkan (bkn kain lembap dll), hilang cahaya atau warnanya (kerana kena panas matahari), menjadi pudar.

**kepang** sj tumbuhan (pokok), *Aquilaria malaccensis*; akar ~ sj tumbuhan (pokok renek), *Linostoma scandens*.

**keparang** (képarang) **I 1.** jalinan (anyaman) tali atau rambut, kelabangan (rambut); **2.** Jw anyaman drpd buluh yg diraut tipis dan dianyam silang-menyilang; *kuda* ~ kuda-kudaan yg dibuat drpd anyaman bilah buluh utk tarian;

**berkeparang** beranyam, berjalin (bkn rambut, tali, dsb);

**mengepang** menganyam, menjalin, mengelabang (rambut, tali);

**keparangan** cara atau hasil mengepang (menganyam).

**keparang** (képarang) **II**; ~-kepot erang-erot, tidak rapi, gumal.

**kepar I**; *ikan* ~ sj ikan darat, patung, *Pristolepis fasciatus*.

**kepar II**; **berkeparan** bergelimpangan di sana sini, berselerakan, bertaburan, berkeparan.

**kepar** (képar) IB sj kain yg bergaris-garis.

**keparat 1.** kafir, tidak bertuhan; **2.** bk (kata makian) celaka, bangsat, jahanam: *tutup mulutmu betina* ~; *anak* ~ anak celaka; *kena* ~ kena tulah.

**kepari**; *pokok* ~ sj tumbuhan (herba), *Mentha arvensis*.

**kepau** sj tumbuhan (palma), *Pholidocarpus kingiana*.

**kepaya** sj tumbuhan (pokok) dan buahnya (yg boleh dimakan), betik, papaya, *Carica papaya*;

*langkas buah* ~ (*papaya*) prb suatu perkara yg mustahil.

**kepayang** sj tumbuhan (pokok) yg bijinya memabukkan, buah keluak, *Pangium edule*; *mabuk* ~ a) mabuk kerana makan kepayang; b) ki hilang ingatan atau lupa akan dirinya (kerana jatuh cinta dll);

~ *air* a) sj tumbuhan (pokok), *Crataeva lophosperma* (*membranifolia*); b) sj tumbuhan (pokok), kelat tanduk, medang

ketukuk, meroyan, *Ixora fluminalis*; c) sj tumbuhan (pokok renek), jarum merah, mata pelanduk, sepati, *Ixora arguta*; d) sj tumbuhan (pokok), jambu batu paya, sempedu burung, *Gardenia carinata*; e) sj tumbuhan (pokok renek), jambu air, jenjarum, *Gardenia tentaculata*; ~ *hantu* sj tumbuhan (pokok), kelembai, kemantu hitam; ~ *ipil* sj tumbuhan (pokok), kepayang air, sempedu burung; *akar* ~ a) sj tumbuhan (pokok memanjat), kelempayang, *Hodgsonia capniocarpa*; b) sj tumbuhan (pokok menjalar), akar lokan, kayu keleka singga, sentuh, *Trichosanthes tricuspidata*; *umpama buah* ~, *dimakan mabuk dibuang sayang* prb sesuatu yg disayangi tetapi merosakkan.

**kepayat**; *ikan* ~ sj ikan darat; □□□**kepiat II**.

**kepecong** (kepécong) Mn kesemutan, semutan, ular-ularan.

**kepek** (kepék) □□□□**kempek**.

**kepek** (kepék) II Tr tidak mancung, kemik; *hidung* ~ *pun orang pandang cantik juga*.

**kepelaga** □□□**kepulaga**.

**kepencong** (kepéncong) Mn buah kepayang, keluak.

**kepeng** (képeng) sj mata wang yg nilainya kurang drpd satu sen.

**kepet** (kepépét) Jw ark **1.** tertekan (di antara dua benda), terdesak, terhimpit (terjepit, tersepit); **2.** ki dlm kesulitan.

**keperancak** ark sj bunga.

**kepergok** Jw ark (tiba-tiba) terjumpa, terserempak, tersua; □□**pergok**.

**kepet** (képet) I tidak beristinjak (bercebok).

**kepet** (képet) II Jk sirip.

**kepetang** Mn kelmarin.

**kepialu I** pening (sakit) kepala; *demam* ~ demam serta pening kepala (ada berbagai-bagai jenis);

~ *berlat* demam yg menyebabkan kepala berasa sakit dan panas; ~ *disumbat* demam yg menyebabkan peluh tidak keluar; ~ *kelabu kambing* demam yg menyebabkan badan berasa sejuk; ~ *kemudian* demam kerana kena panas; ~ *kura* demam yg keras dan berlanjutan (menyebabkan mulut terasa pahit); ~ *radang* demam yg menyebabkan tubuh menjadi panas dan orang yg menghidapinya meracau.

**kepialu II**; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek), akar cenderai, akar sekapu, akar sempelas, lidah kucing, *Grewia umbellata*; *daun* ~ daun pokok lakum (*Vitis trifolia*) yg dijadikan ubat (utk penyakit demam).

**kepiat I** hampas kelapa, kelapa parut yg telah diperah santannya.

**kepiat II** sj ikan darat, lampan, *Puntius schwanefeldii*; **kepayat**.

**kepiik I** sj kumbang kecil (yg berbau busuk).

**kepiik II** lekuk kecil (pd benda), kemik, penyek, pipih.

**kepil** berdamping(an), berdampil, berhampiran, berdekatan, rapat;

**mengepil** berdampingan (berdampil) dgn, berdekatan (berhampiran) dgn; *berjalan* ~ *ibunya* berjalan berdampingan dgn ibunya; *belayar* ~ *pantai* belayar menyusur (berhampiran dgn) pantai;

**mengepilkan 1.** menjadikan (menyebabkan) rapat atau berdekatan, mendampingkan, merapatkan, menambatkan (perahu, gajah, dll):  
*maka Peringgi pun mudiklah menyongsong, dikepilkannya segala perahunya di Kota Kara; maka gajah pun dikepilkan di balairung;*  
**2.** menyertakan (bersama sesuatu): *bil yg berkenaan dikepilkan bersama surat ini;*



**terkepil** terletak bersaingan (berdampingan, berdekatan, rapat) dgn:  
*maka usungan pun ~lah di astaka, maka raja pun naik ke atas usungan lalu berangkat ke masjid.*

**kepincut** Jk sangat ingin akan, tertarik (tertawan) kpd.

**kepinding I** Mn pijat-pijat, kutu busuk.

**kepinding II** sj tumbuhan (pokok), medang api, pinang pergam,  
*Elaeocarpus stipularis.*

**keping I 1.** pipih dan nipis: *getah ~*; **2.** penjodoh bilangan bagi sesuatu yg pipih dan nipis (spt kad, kertas, papan, dsb) atau bagi sesuatu yg luas (spt tanah): *dua ~ kertas; se~ tanah*; **3. = kepingan;**

**berkeping-keping 1.** merupakan atau terdiri drpd kepingan-kepingan: *getah yg ~ kemudiannya diasap supaya tahan lama*; **2.** berpecah-pecah atau bercerai-cerai menjadi keping-keping kecil (drpd sesuatu yg lebih besar), cabik-cabik (kain dll): *habislah pecah bercarik-carik seluar dan baju kertasnya itu bercabiran diterbangkan oleh angin ~ ke sana ke mari*;

**mengeping** menjadikan (membelah dll supaya menjadi) berkeping-keping: *bekerja keras ~ kayu; ~ getah*;

**kepingan 1.** bahagian yg kecil serta nipis yg merupakan pecahan drpd sesuatu, pecahan, tembereng: *dikutipnya ~~~ kaca drpd gelas yg jatuh terhempas itu*; **2.** sesuatu yg pipih dan nipis, keping: *~~~ getah yg telah diasap.*

**keping II** sj ikan laut, kepal laut, *Abudefduf notatus.*

**keping III;** *akar buah ~* sj tumbuhan (pokok memanjat), susuh ayam hutan, *Luvunga scandens.*

**kepingin** Jw ingin: *sudah ~ hendak bertemu dgn kaum kerabat.*

**kepinis** sj tumbuhan (pokok), tempinis, *Sloetia elongata.*

**kepinjal** Jw kutu anjing (tikus dll).

**kepir** merenjis, memercikkan (dgn jari); □ □ □ **kelepir II**.

**kepiran** Jw terbiar (tidak diendahkan), terabai (tidak terpelihara), terlantar, tidak timbul dlm fikiran.

**kepis** Jw sj bakul (tempat menaruh ikan), kumbu.

**kepit; berkepit** = ~ *tangan* berpegangan tangan, bergandingan tangan, berpautan tangan: *tidak lagi luar biasa sekarang bagi pemuda-pemudi Melayu berjalan ~ tangan;*

**mengepit** memegang (menghimpit, membawa) di antara lengan dan badan (di bawah ketiak) atau di antara dua jari: *ayahnya berjalan ~ tikar sembahyang di bawah ketiakunya dan menuju ke surau; ia ~ sebatang rokok yg sudah separuh dihisapnya;*

~ *daun kunyit* prb Mn memuji diri sendiri; ~ *kepala harimau* prb menggertak (menakut-nakutkan) orang dgn mempergunakan nama orang yg berkuasa;

**terkepit** terhimpit (di bawah ketiak), tersepit (di antara dua jari): *puntung cerut yg ~ di jarinya itu dihisapnya semula;*

**kepitan** 1. sesuatu yg dikepit; 2. alat atau bahagian sesuatu yg mengepit; ~ *fail* alat mengepit kertas pd fail;

**pengepit** alat utk mengepit sesuatu.

**kepiting** sj ketam; (*se*)*bagai* ~ *batu* prb sangat bakhil (kedekut).

**kepleset** (keplését) Jw terpeleset, tergelincir.

**kepoh; mengepokkan** menepiskan atau menangkis (pukulan dll) ke sisi, mengepokkan.

**kepoh** (képoh) I sj tumbuhan (pokok), kelapung, kayu lepung, *Sterculia foetida*.

**kepoh** (képoh) II sibuk, loghat.

**kepok** (képok) **I**; **mengepokkan** menepiskan atau menangkis (pukulan dll) ke sisi, mengepohkan;

**terkepok** tergelincir (terdesak, tersorong) ke tepi atau ke belakang.

**kepok** (képok) **II** Tr memukul telur (utk membuat kueh baulu atau kek).

**kepol** ark bp pergi.

**kepompong 1.** sarung drpd daun, air liur serangga dsb atau gulungan daun yg di dalamnya terdapat anak serangga (ulat) pd peringkat awal tumbesarannya; **2.** (Bio) pupa; **3.** ki kekangan atau batasan yg menghalang seseorang drpd melihat dunia luar, atau melakukan sesuatu dgn lebih bebas: *sekarang mereka sudah sedar dan mahu keluar dr ~ mereka yg sempit.*

**keponakan** Jk anak saudara, kemanakan.

**kepong** (képong) Tr; **mengepong** mendukung (kanak-kanak dll) di pinggang.

**kepot** (képot) herot, gumal; □ □ □ **kepang II.**

**keprak** Jw sj alat bunyi-bunyian drpd keping-keping kayu dan tin (digunakan ketika bermain wayang).

**kepruk I** Jw; *tukang* ~ tukang pukul;

**mengepruk** memukul hingga pecah atau cedera parah: ~ *kepala.*

**kepruk II, keprok** Jw; *jeruk* ~ sj limau manis, *Citrus nobilis.*

**kepodang** sj burung, burung kunyit, *Oriolus maculatus.*

**kepuh I; mengepuh** menggelembung (kerana berisi angin), melembung, mengembang tegang (bkn layar).

**kepuh II** Kd reban ayam.

**kepuh I 1.** tempat menyimpan padi, kapuk, rengkiang padi, lumbung padi: *kenapa* ~ *di ladang, kalau tidak berisi padi*; **2.** sj bakul drpd kulit

kayu (tempat diisi nasi, beras, dll); **3.** sj bakul (tempat diisi ikan), kumbu, kepis.

**kepek II** lekuk;

**mengepukkan** melekukkan.

**kepek-kepek** kolar (leher baju) yg tinggi.

**kepul I** gumpalan asap atau awan yg tebal: ~~~ *asap keluar dr corong asap kapal itu;*

**berkepul, berkepul-kepul** bergumpal-gumpal tebal (bkn asap yg naik ke udara atau awan yg terapung-apung di udara): *berkepul-kepul asap dr sampah-sarap yg dibakar itu naik ke celah-celah daun manggis;*

**mengepul** menjadi bergumpal-gumpal (bkn asap, awan), keluar berkepul-kepul (bkn asap dll): *asap rokok itu ~-ngepul naik ke atas dan menghilang dlm kegelapan malam yg hitam pekat itu;*

**mengepulkan** menghembuskan asap rokok dll menjadi berkepul-kepul (bergumpal-gumpal): *ia duduk termenung sambil ~ asap rokoknya;*

**kepuan** gumpalan (asap dll): ~ *asap hitam kelihatan menuju ke udara.*

**kepul II** sj ukuran isi atau sukatan banyak bagi beras ( $\frac{1}{4}$  cupak).

**kepulaga** sj tumbuhan (rizom), *Amomum cardamomum*.

**kepulesan** Jw tidur lena; □ □ □ **pules**.

**kepundan 1.** lumpur (abu, lahar) dr kawah gunung berapi; **2.** = *lubang ~ lubang (kawah, mulut) gunung.*

**kepondung** Jw **1.** sj tumbuhan (pokok) yg buahnya spt buah langsung, *Andropogon nardus*; **2.** sj tumbuhan (pokok), menteng, *Baccaurea dulcis*.

**kepung I; berkepung** (duduk dll) membentuk bulatan (lingkungan) atau mengelilingi sesuatu (duduk dll) dlm satu bulatan atau lingkungan:

*beramai-ramai duduk ~ di pantai sambil makan;*

**mengepung** mengelilingi (orang dll) supaya terkurung atau terperangkap (tidak dapat lepas lari), melingkungi (orang, binatang, tempat persembunyian, dll): *mereka sedang ~ seekor harimau buas; maka dikepunglah oleh Bugis kubu Terampak itu dilingkunginya;*

**terkepung** sudah dikelilingi atau dilingkungi (sehingga terperangkap atau tidak dapat melepaskan diri): *maka ~lah Raja Kecil itu hampir tewas;*

**kepungan** lingkungan atau barisan berkeliling yg dibentuk (dibuat) oleh orang-orang (pasukan dsb) yg mengepung: *mereka mengatur rancangan utk menembusi ~ Jerman terhadap kepulauan Inggris;*

**pengepungan** perbuatan (kegiatan dsb) utk mengepung (orang, binatang, dll, supaya tidak dapat melepaskan diri): *segera diadakan ~ di seluruh kampung utk menangkap pencuri itu;*

**pengepung** orang yg mengepung.

**kepung II 1.** = ~ hantu sj tumbuhan (pokok), *Shorea macroptera*; **2.** = ~ labu sj tumbuhan (pokok), *Shorea rigida*.

**kepur** sj tumbuhan (pokok), lemak itik, siku keluang, *Tarrietia simplicifolia*.

**kepurun** = *bubur* ~ bubur sagu.

**kepuyu** sj ikan; □□□ **puyu II.**

**kepuyuh** □□□ **puyuh I.**

**kepuyuk** Mn lipas, kacoak.

**kera I 1.** sj monyet (biasanya berekor panjang), *Macacus cynomolgus*; **2.** (digunakan ketika menyatakan nama) berbagai-bagai jenis monyet:

~ *jambul* dll; *genggam (cengkam)* ~ genggam (cengkam) yg sangat kuat; *sekanggang* ~ sangat sempit, tidak luas;

~ *dapat (diberi) bunga = bagai ~ diberi kaca* prb mendapat (diberi) sesuatu yg tidak tahu (tidak dapat) dipergunakannya; ~ *lotong (terlalu) makan, tupai di julai timpa perasaan* prb orang besar-besar yg bersuka ria, orang kecil-kecil menepilah dgn irinya; ~ *menegurkan tahinya* prb orang yg melakukan sesuatu kesalahan itulah yg pertama sekali memperkatakannya; ~ *menjadi monyet* prb serupa sahaja (tiada bezanya); *bagai ~ dapat canggung* prb perihal orang yg telah ditolong mendampingkan dirinya kpd orang yg menolongnya; *memberi barang kpd tangan* ~ prb mempertanggungjawabkan sesuatu pekerjaan kpd orang yg tidak dapat mengerjakannya (mempercayai orang yg tidak patut dipercayai); (*spt*) ~ *kena belacan* prb sangat gelisah (resah), tidak senang diam (terlari-lari, terloncat-loncat, dll); (*spt*) ~ *sumbang* prb orang yg takut (tidak gemar) mencampuri orang ramai.

**keras II**; *burung* ~ sj burung, burung sanuk, *Rhopodytes tristis longicaudatus*.

**kerabat I Ar 1.** sanak saudara, saudara-mara, keluarga: *ia menjadi tabib bagi ~ diraja; kaum* ~ saudara-mara; **2.** dekat (rapat) dlm perhubungan kekeluargaan; ~ *diraja* bd keluarga diraja;

**berkerabat** ada hubungan kekeluargaan, bersaudara: *aku memang sedia menolong orang yg ~ dgn aku;*

**kekerabatan** yg berkaitan dgn kerabat, antara anggota-anggota dlm sesuatu kerabat, kekeluargaan: *jelaslah kpd kita bahawa sesuatu masyarakat itu tersusun drpd hubungan dan ikatan ~;*

**perkerabatan** perhubungan (pertalian) kekeluargaan, persaudaraan.

**kerabat II** Kl, Kd, Tr panjat.

**kerabik** rabik, robek, sobek; □ □ □ **kerabit**.

**kerabin** □ □ □ **karabin**.

**kerabit** robek, rabik, sobek;

**mengerabit, mengerabitkan** merabik-rabik, menyobek-nyobek;

**kerabik, kerebok, kerobek**.

**kerabu I** Mn sj rojak (dibuat drpd campuran hirisan mentimun, bawang, lombok, garam dll);

**mengerabu** membuat kerabu.

**kerabu II** sj perhiasan yg dipakai di telinga, subang (nipis drpd emas);

**berkerabu** memakai kerabu.

**kerabu III** **1.** sj tumbuhan (pokok), *Lophopetalum fimbriatum*; **2.** sj tumbuhan (pokok), pokok telur buaya, senayan api, *Xanthophyllum rufum*; **3.** sj tumbuhan (herba), pokok getang, *Spilanthes acmella*.

**keracak** **1.** melompat-lompat atau melonjak-lonjak (kerana kegirangan dll); **2.** deras perjalanannya (bkn perahu), laju; **3.** riak air di belakang kapal, perahu, dsb yg sedang bergerak.

**keracang** □ □ □ **kerajang**.

**keracap** **1.** sj alat bunyian drpd buluh atau kayu (digunakan dlm permainan makyung dan menora); **2.** bunyi buluh yg dihantuk-hantukkan.

**keraeng** (keraéng) gelaran bagi orang bangsawan (di Makasar).

**kerah I** kerja utk raja atau kerajaan yg dijadikan sbg suatu kewajiban (spt menjaga keselamatan negeri, membaiki jalan, dll dgn tidak menerima bayaran), kerja raja, rodi; *juru*~ sl penolong ketua kampung;

**berkerah** sl = **mengerahkan**: *maka Temenggung pun menyuruhkan orang kaya-kaya dan saudagar-saudagar ~ orangnya, berkawal kampungnya masing-masing;*

**mengerahkan** **1.** memanggil orang berkumpul utk mengerjakan (membuat) sesuatu beramai-ramai, mengumpulkan (rakyat tentera dll) utk menghadapi ancaman musuh dll: *Australia telah ~ rakyatnya utk berkhidmat dlm tentera di seberang laut;* **2.** mengumpulkan (menyatukan) serta menggunakan (tenaga dll): *~ tenaga rakyat utk menyiapkan kerja-kerja pembukaan tanah baharu;*

**kerahan** **1.** sesuatu yg dilakukan oleh orang-orang yg dikerah, pekerjaan yg mesti diusahakan bersama-sama (dgn bergotong-royong); *~ negeri (raja) sl pekerjaan mesti dilakukan sbg kewajiban kpd raja atau negara (dgn tidak mendapat bayaran);* **2.** yg telah dikerah(kan), yg dihimpunkan utk mengerjakan sesuatu: *segala rakyat ~ sekaliannya disuruhnya membantu kelengkapan;* **3.** usaha (tindakan) mengerah atau mengerahkan: *mereka beramai-ramai mendaftar diri menyahut panggilan kerajaan terhadap ~ tenaga;*

**kerah-kerahan** sl pegawai yg mendaftarkan (mencatatkan) nama hulubalang dll;

**pengerahan** perbuatan (tindakan) mengerah atau mengerahkan: *dasar ~ atau penggunaan senjata hendaklah dirancang dgn berhati-hati;*

**pengerah** **1.** orang yg mengerah(kan), jurukerah; **2.** sj alat utk mengerahkan (menghimpunkan) orang; *gong ~ sl gong yg dipalu utk mengerahkan (mengumpulkan) orang.*

**kerah II** IB leher baju (yg keras), nia.

**kerahi** Jw sj mentimun, *Cucumis melo.*



**kerai I** sj bidai (dipasang pd pintu, jendela, dll); **kere**.

**kerai II** sj ikan darat; jenis-jenis; ~ *jelawat* jelawat, *Leptobarnus hoevei*; ~ *kunyit*, *Puntius daruphani*.

**kerai III**; *rotan* ~ sj tumbuhan (rotan), rotan cincin, rotan duduk, *Daemonorhops geniculatus*.

**kerajang** kepingan logam yg sangat nipis;

*emas* ~ emas yg berupa kepingan nipis spt kertas; ~ *timah* kepingan aloi timah atau aluminium yg sangat nipis dan mudah lentur, yg digunakan utk membalut dan membungkus makanan, coklat dsb.

**kerajat I 1.** sl cukai, bea; **2.** NS perbelanjaan kerana kematian seseorang;

**berkerajat** memerlukan (menggunakan) perbelanjaan kerana kematian.

**kerajat II**; ark *memutuskan* ~ mengerat rambut yg pertama utk pengantin perempuan.

**kerak I** lapisan atau selaput yg keras dan kering (yg melekat pd sesuatu benda); ~ *bumi (tanah)* lapisan bumi yg terjadi drpd kepundan (lava) yg telah kering; ~ *nasi* lapisan nasi yg keras (kadang kala hangus) yg melekat pd dasar atau bahagian bawah periuk; ~ *roti* lapisan roti yg keras (di sekeliling bahagiannya yg lembut); *air yg keruh-keruh* ~ (*alamat buaya di hulunya*) prb perkataan seseorang itu membayangkan niat jahatnya; *jangan diajar orang tua makan* ~ prb tak usah diajar orang yg sudah tahu; *membesarkan* ~ *nasi* prb menambahkan perbelanjaan yg membazir; *sudah biasa makan* ~ prb sudah biasa mengalami kesukaran hidup; *sudah kenyang makan* ~ prb sudah banyak pengalaman;

**berkerak 1.** ada keraknya; **2.** ki sangat kotor, diselaputi kotoran: ~ *bajunya kulihat*;

**terkerak** jejak (sampai) ke dasarnya, habis-habisan.

**kerak II**; ~-kerik = ~-keruk bunyi spt bunyi mengeruk-ngeruk periuk (kuali dll).

**kerak III**; ~ *nasi* sj tumbuhan (herba); a) sandar malam, siku dangan (dangan), sundal malam, *Polianthes tuberosa*; b) = ~ *merah* rumput sisik naga, terutup batu, *Torenia polygonoides*; c) *Desmodium capitatum*; d) *Oldenlandia diffusa*; ~ *nasi paya* sj tumbuhan (herba), bayam pasir (tanah), daun serapati, kelama hijau, keremak, ketung pulut, rumput kutang pulut, rumput loh, *Alternanthera triandra*;

**kerak IV**; *burung* ~ sj burung, burung cenuk, burung sanuk, *Rhinortha chlorophaea*.

**kerakah I** sl sj kapal (zaman dahulu).

**kerakah II** sj kera; □□□**kekah I**.

**kerakal** batu kerikil yg agak besar-besar, batu yg digunakan utk melapisi jalan dll; *hukuman* ~ hukuman kerja berat (orang yg dihukum disuruh memecahkan batu, membuat jalan, dll);

**mengerakali** melapisi jalan dll dgn kerakal.

**kerakap I 1.** sj sirih (daunnya lebar); **2.** = *sirih* ~ daun sirih yg keras dan tebal; *bagai* ~ *atas batu* (*tumbuh di batu*), *hidup enggan mati tak mahu* prb hidup melarat dan miskin.

**kerakap II**; ~ *air* sj tumbuhan (herba), *Sonerila heterostemon*; ~ *rimau* sj tumbuhan (pokok renek); a) keduduk gajah, lidah buaya, pakan rimba, senduduk gajah, senduduk hutan, tengkuk biawak, *Allomorpha malaccensis*; b) akar bugu, sirih rimau, *Piper porphyrophyllum*.

**kerakeling** □□□**kelakkeling**.

**kerak-kerak**, = ~ *merah* sj tumbuhan (herba), rumput sawi air, sumpu cacing, *Bonnaya antipoda*.

**keram** Jk; **mengeram** memasukkan ke dlm penjara, memenjarakan.

**kerama** sl kutuk, sumpah, tulah, bencana atau kecelakaan (yg disebabkan oleh kutuk): *tiada tuan hamba tahu ~ akan datang kpd tuan hamba?*

**keramas** Jw pencuci (pembersih) rambut, kejam, langir; ~ *kutu* ubat utk membersihkan kepala drpd kutu.

**keramat** 1. kemuliaan (iaitu anugerah Allah kpd hamba-Nya yg dikasihi);

2. suci dan berkat drpd kemuliaan seseorang sehingga menyebabkan doanya diperkenankan Allah (spt penyembuhan penyakit dan perlindungan Allah): *makam Habib Noh di Singapura diziarahi orang kerana dianggap makam yg ~*; 3. tempat atau sesuatu yg suci dan (dipercayai) dapat mendatangkan hikmat: *banyak orang yg pergi ke ~ utk meminta sesuatu dan bernazar; minta ~* minta berkat (restu) dr tempat yg keramat; 4. orang yg sangat warak, orang yg benar-benar saleh: *jikalau sungguh mati Chau Pandan, sungguhlah tuan ~*;

~ *hidup* orang yg berperangai baik, ikhlas, dan jujur serta tidak suka melakukan sesuatu yg menyakiti hati orang;

**mengkeramatkan** menjadikan (menganggap) spt keramat, meletakkan pd kedudukan yg amat disanjung;

**kekeramatan** sifat keramat, kesucian dan keberkatan: *Pawang Kri masih percaya kpd ~ manteranya utk menewaskan buaya.*

**kerambil** kelapa, nyiur;

*biarpun setandan bagai ~, namun untung berlain-lain* prb walaupun bersaudara kandung, keadaan masing-masing masih berlainan; *memagar ~ condong*, buahnya jatuh ke ladang orang prb kita yg

memelihara (bersusah payah), orang lain yg mendapat faedah atau hasilnya.

**kerambit** sj sabit kecil yg melengkung matanya, beladai, jembiah bengkok.

**kerampagi** □ □ □ **kerempagi**.

**kerampang** kelangkang.

**keramunting** sj bunga, kemunting.

**keran I** sj dapur atau tempat pembakaran, anglo, kompor.

**keran II** IB kepala paip (air).

**kerana** kata yg digunakan sebelum memberikan keterangan atau penjelasan yg menjadi punca (permulaan, alasan, dsb) sesuatu keadaan, kejadian, masalah, perbuatan dll, sebab, oleh sebab, lantaran: *mereka berjaya ~ kecekapan dan usaha yg sungguh-sungguh; pertempuran berlaku ~ kedua-dua pihak tidak mahu bertolak ansur; dia marah ~ dihinakan orang; apa ~nya maka begitu* apa mulanya (sebabnya) maka begitu; ~ *apa* sebab apa; ~ *Allah* a) menurut kemahuan (perintah) Allah; b) dgn percuma (tidak menuntut apa-apa bayaran), utk mendapat pahala sahaja; *oleh ~ = dari ~* disebabkan oleh, kerana.

**kerancang I**; *emas ~*; □ □ □ **kerajang**.

**kerancang II**; *baju ~* baju kerawang(an).

**keranda** peti utk menguburkan mayat, larung, long.

**kerandang** sj tumbuhan (pokok renek), berenda, kerenda, *Carissa carandas*.

**kerandut** = ~ *buah zakar* pundi-pundi pengisi buah zakar.

**kerang I** sj tiram; jenis-jenis: ~ *batu*; ~ *bulu*; ~ *kera*; ~ *lumpur* dll;

~ *busuk* ki (sering kali) tersengih-sengih (tertawa) dgn tidak menentu;

**kerang-kerangan** berbagai-bagai jenis binatang yg berkulit kapur (spt siput, lokan, tiram, dll): *mereka mencari ~ di pantai*;

**berkerang** mencari kerang;

**pe(r)kerangan 1.** longgokan (timbunan) kerang, bukit drpd kerang-kerangan; **2.** berbagai-bagai jenis kerang.

**kerang II** ark; *batu* ~ batu karang; *pinggan* ~ pinggan kasar;

**kerang-kerangan** batu yg disusun (dibariskan) menjadi titian (pd tempat yg lecak atau berlumpur); □ □ □ **karang I.**

**kerang III** K1 keras, menjadi keras (bkn buah).

**kerang IV**; ~-*kerung* bunyi spt bunyi tin jatuh atau dipukul; □ □ □ **kerung II.**

**kerang V**; ~-*kerup* sj tumbuhan (herba), letup-letup, timun padang, *Passiflora foetida*.

**kerang** (kérang); ~-*keroh* a) = ~-*kerut* erang-erot, kepang-kepot; b) sangat curang, suka menipu.

**keranggang** □ □ □ **geranggang.**

**kerangka 1.** rangka-rangka (kapal, rumah, dll), tulang-tulang (yg dapat menunjukkan susuk tubuh binatang dll): ~ *rumah*; ~ *gajah*; **2.** rangka (lukisan dsb), lakar(an), rancangan atau garis kasar (karangan, lukisan, dll), rangka: *falsafah yg mendasari pembentukan ~ teori penyelidikan*;

~ *utama* komputer yg berkuasa tinggi yg biasanya digunakan dlm sistem pemrosesan data pukal (dgn pengguna yg ramai);

**terkerangka 1.** masih dalam bentuk rangkanya (bkn binaan rumah dsb); **2.** ki masih dlm peringkat permulaan (belum sempurna).

**kerangkai** sj tumbuhan (pokok), *Quercus rajah*.

**kerangkang** □ **kelangkang**.

**kerangkeng** (kerangkéng) Jw = **kerangkengan** **1.** kurungan yg memakai pagar atau jari-jari besi (tempat binatang buas spt harimau dll), bilik penjara (utk orang salah); **2.** sj kandang kanak-kanak.

**keranking** = **kerankingan** □ □ □ **kerangkeng**.

**kerani** pekerja di pejabat yg membuat kerja-kerja rencam (spt pengurusan surat, fail, rekod, dokumen, dsb);

~ *bank* kerani yg bekerja di bank; ~ *besar* kerani kanan yg mengepalai sekumpulan kerani di pejabat dsb; ~ *cabuk* bp panggilan bagi seseorang kerani tingkatan biasa, terutamanya yg telah lama berkhidmat, biasanya digunakan utk merendah diri atau menghina seseorang; ~ *fail* kerani yg menyelenggarakan atau mengurus fail pejabat; ~ *pos* kerani yg bekerja di pejabat pos; ~ *sementara* kerani yg perkhidmatannya boleh ditamatkan pd bila-bila masa;

**perkeranian** yg berkaitan (berhubungan) dgn kerani atau tugas dan tanggungjawab kerani: *drpd jumlah itu, golongan pekerja ~ dan teknik merupakan jumlah penyertaan yg terbanyak*.

**keranjang** sj bakul besar yg dianyam kasar-kasar: *Amir datang dgn sebatang kayu pengandar dan dua buah ~*; ~ *orang* bakul tempat diisi orang; ~ *sampah* bakul sampah; *bola* ~ Id permainan bola yg menggunakan keranjang sbg gol; *mata* ~ ki sangat suka melihat perempuan.

**keranji** **1.** sj tumbuhan (pokok), belangan, kangkatung, katung(-katung), mengketai, *Cynoptera polyandra*; **2.** sj tumbuhan (pokok), gambir-gambir, kenar, merlimau, *Aglaia odoratissima*; **3.** = ~ *burung*

(*lotong, sakhlal, tembaga*) sj tumbuhan (pokok), sepan kuran, *Dialium platysepalum*;

~ *burung a*) = ~ *umbut* sj tumbuhan (pokok), *Dialium maingayi*; b) =

~ *beledu* sj tumbuhan (pokok), *Dialium patens*; ~ *papan* sj tumbuhan (pokok), *Dialium laurinum*.

**keranta** ark sj kutu pd tubuh orang yg akan atau telah mati.

**kerantai 1.** sj tumbuhan (pokok), balun hijau, gerenggung, kedondong hutan, tengkorak lang, *Agalia griffithii*; **2.** = ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), gerunggan semut, *Santiria laevigata*;

~ *batu* sj tumbuhan (pokok), kedondong bulan, telur belangkas, *Santiria apiculata*.

**keranting I** sj serangga, belalang ranting.

**keranting II;** (*akar*) ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar banar, *Smilax barbata*.

**kerantu** sj tumbuhan (pokok), cendarah hitam, derahan, kemarahan, penarahan hitam, penerahan sanak, pisang-pisang bulu, tenol, *Knema laurina*.

**kerantung;** ~ *buluh* sj alat bunyi-bunyian drpd buluh (dibunyikan dgn memukulnya), kentung-kentung, kentungan.

**keranyah** sisa (kelebihan) makanan; *makan* ~ gelojoh, pelahap.

**kerap I 1.** = ~ *kali* = **kerap-kerap** acap kali, berkali-kali, selalu, sering: *penyakit cacar* ~ *mengenai kanak-kanak*; *kampung itu* ~ *kali dibanjiri*; *lagu-lagu yg diciptanya* ~ *kali disiarkan di radio*; **2.** tidak jarang, rapi (bkn anyaman, tenunan dll), rapat-rapat (letaknya dsb) antara satu sama lain (barang yg berderet-deret): *tikar mengkuang itu cantik warnanya dan* ~ *anyamannya*; *pokok-pokok itu tidak dapat hidup subur kerana ditanam terlalu* ~;

**mengerapi** membuat (melakukan) berkali-kali atau berulang-ulang;  
**mengerapkan** 1. menjadikan kerap; 2. menganyam (menenun)  
kerap-kerap;

**kekerapan** keadaan kerap, kerapnya berlaku sesuatu, keseringan.

**kerap II**; ~-kerup = **kerap-kerap** bunyi spt bunyi orang makan  
keropok; □□□kerup.

**kerap III** Kd mengipas: *dia ~ nenek*.

**kerapah**; **berkerapah** KI bersepah-sepah, berkaparan, berserak-serak.

**kerapan** perlumbaan lembu (di Madura).

**kerapis**; *keropas*-~; □□□keropas.

**kerapu I** 1. sj ikan laut, *Cephalopholis pachycenton*; 2. sj ikan laut,  
*Epinaphalus pachycentron*; 3. sj ikan laut, *Serranus spp.*;

~ bara sj ikan laut, a) *Epinephelus fasciatus* (*Epinephelus miniatus*;  
b) *Plectropomus maculatus*; c) *Serranus miniatus*; ~ batik sj ikan  
laut, *Epinephelus chlorostigma*; ~ batu sj ikan laut, *Epinephelus*  
*guaya*; ~ hitam = ~ kayu = ~ keling = ~ lumpur sj ikan laut,  
*Epinephelus tauvina*.

**kerapu II**; **berkerapu** kasap, kesat; □□□gerapu I.

**keras I** 1. kuat dan padu serta tidak mudah pecah (patah, bengkok, dll)  
atau berubah bentuknya, tidak lembut (empuk, lunak): *hanya tulang-*  
*tulanganya yg ~ sahaja masih tinggal tidak hancur; keluli lebih ~*  
*drpd besi; daging ini sangat ~; pakaian ~ pakaian berkanji dan*  
*berseterika*; 2. dgn giat atau bersungguh-sungguh, dgn sepenuh  
tenaga atau usaha, dgn sungguh-sungguh hati (meminta, mendesak,  
dsb): *beberapa orang yg cekap dan sanggup bekerja ~ diperlukan;*  
*mereka meminta ~ supaya ia sendiri datang*; 3. dgn tidak berganjak  
atau berubah sikap, teguh, kukuh, kuat: *berpegang ~ kpd faham dan*



*kepercayaan kuno; kemahuan yg ~; 4. tidak dgn sikap bertolak ansur (bkn bantahan, tentangan, dsb), tegas: ibunya membantah ~ niatnya hendak mengahwini gadis itu; 5. tidak secara sembarangan atau mahu tidak mahu, rapi (pemeriksaan, kawalan, dll), ketat, sungguh-sungguh: terlalu ~ pemeriksaannya sehingga tiap-tiap helai kain dan baju dikira; tempat itu dikawal ~ oleh askar-askar yg bersenjata; 6. berat akibatnya, tidak berdasarkan belas kasihan (bkn tindakan dsb), tegas, tidak berkira-kira: tindakan ~ akan diambil terhadap pegawai dan kakitangan yg curang; 7. dgn sesungguhnya (tanpa sebarang kelonggaran, kekecualian, dsb): dilarang masuk tanpa urusan rasmi; penonton-penonton dilarang ~ merokok; 8. membahayakan dan mungkin membawa maut (bkn penyakit), teruk, berat: terburu-buru ia balik ke kampungnya kerana bapanya sakit ~; 9. kuat (tidak lemah), tidak mudah ditewaskan (dikuasai dsb), hebat: inilah tanda patik membunuh perajurit yg terlalu ~ itu; diberinya oleh raja Siam ketumbukan yg ~; terlalulah banyak orang mati dan sakit kerana gajah itu sangat ~ jembalangnya; 10. kencang, deras (angin dll), sangat lebat (hujan): angin pun bertiup terlalu ~; gajah kenaikan dibawa oleh Laksamana dgn ~nya; hujan amat ~nya; 11. nyaring, kuat (suara, bunyi, dll): kedengaran suara ~ pegawai askar itu memberi perintah kpd orang-orangnya; sesetengahnya tidur berdengkur dgn ~; 12. tidak lemah lembut atau sopan santun (bkn kata-kata), (boleh) menyinggung perasaan: oleh kerana marahnya itu dikeluarkannya kata-kata yg ~; 13. dapat memabukkan (bkn minuman spt bir, wain, wiski, dsb), terasa kesan tembakaunya apabila dihisap (bkn rokok atau cerutu), berat, sangat kuat kesannya (bkn ubat), terasa benar sama ada wangi atau busuk dsb (bkn bau),*

rangsang (bkn bau): *kesihatannya merosot kerana kerap meminum minuman ~; rokok ini agak ~ bagi orang yg belum biasa merokok; terlalu ~ bau gas ini; 14. ketat* (sumbat botol dll), tidak mudah dilentur (bkn spring dsb), tegang; **15.** tidak baik kerana (kononnya) ada penunggunya, berpuaka, atau berhantu: *tempat ini ~ kerana ada puaka; ~ batang leher berpegang teguh pd pendirian atau pendapat sendiri* (tidak mahu mengalah); tegar hati, mengotot; ~ *genjur* keras sekali (bkn sikap, tabiat); ~ *hati* a) tidak mahu menurut kata orang, (sangat) degil; b) tidak mudah berasa kecewa (terus berusaha bersungguh-sungguh); ~ *hidung* menurut sesuka hati (sangat sempit fikirannya); ~ *kaku* = ~ *kematu* = ~ *membatu* sangat keras (tidak lunak); ~ *kejur* tidak dapat dilentukkan (dilenturkan), kejang, kaku; ~ *kekung* (*kelengkung*) Kl, Tr sangat keras (spt batu); ~ *keng* Kl, Tr keras kepala; ~ *kepala* tidak mahu mengalah atau menurut, degil, tegar; ~-*kerak* tidak teguh dan tidak dapat diubah dgn pujukan dsb (bkn kemahuan, ketabahan, dsb seseorang); ~ *lidah* tidak dapat melafazkan kata-kata asing dgn mudah, susah hendak menyebut sesuatu (tidak pandai berkata-kata); ~-*makas* = ~-*mangkas* terlalu keras (bkn buah-buahan dll); ~ *mulut* a) tidak mahu dan tidak mudah kalah dlm perdebatan (kuat bertengkar); b) tidak mudah dikendalikan (kuda dll);

~ *bagai batu, tinggi bagai langit* prb tidak mahu menurut perintah orang atasan; ~ *ditakik, lunak disudu* prb Mn hendaklah diberikan segala perintah dgn bijaksana (dgn lemah lembut kpd yg menurut dan dgn memaksa kpd yg melawan); *lunak tak tersudu, ~ tak tertakik* prb perkataan orang yg bijaksana baik dgn lemah lembut atau dgn kasar tidak dapat disangkal (dianjak-anjak) kebenarannya;

**berkeras 1.** tidak berganjak drpd pendirian (kemahuan dsb), tidak mahu mengalah (bertolak ansur), mengotot: *kalau ia ~ tidak mahu menjual tanahnya kita tidak boleh buat apa-apa; ia ~ tidak mahu mengikut suaminya berpindah; 2.* bertindak (bersikap) keras: *kalau awak hendak berkasar dan ~ kelak keselamatan awak akan binasa; ~ batang leher keras batang leher; ~ hati keras hati; ~ hidung keras hidung; ~ kepala keras kepala;*

**berkeras-kerasan** sama-sama enggan berlemah lembut atau bertolak ansur (dlm pertengkaran, perkelahian, dll);

**bersikeras** berkeras, mengotot;

**mengeras 1.** menjadi keras (tidak lembut, tidak lemah lembut, dsb): *lama-kelamaan kalsium karbonat yg di lapisan luar ~ dan membentuk batu kapur; sebentar kemudian terdengar suara orang bercakap melembut dan ~; 2.* tidak mahu bertolak ansur, berkeras;

**mengerasi 1.** memaksa, menggagahi: *maka dikerasi oleh tuanku Dato' Batin Alam suruh ia memukat juga; 2.* bertindak (bersikap) keras kpd, memperlakukan dgn keras (dgn menggunakan paksaan): *Esah cukup berjaga-jaga agar tidak pula tertipu ataupun dikerasi oleh anak muda itu; keras-~ berkeras-kerasan;*

**mengeraskan 1.** menjadikan keras (tidak lembik): *~ tanah liat menjadi periuk belanga, batu bata, dll; 2.* ki menguatkan, menyaringkan (suara), memperhebat (tindakan, sikap, dsb), menggiatkan (usaha), memperteguh (azam, cita-cita, dsb): *Cikgu Hashim bertanya dgn suara yg agak dikeraskan; ~ hati menabahkan (memberanikan) hati; 3.* memaksa: *ia ~ budak itu tinggal bersamanya;*

**memperkeras** menjadikan bertambah keras (kuat, teguh, giat, hebat, dll): *perasaan malu umumnya diperkeras oleh sesuatu pendidikan atau adat;*

**terkeras** terkuat (bkn suara, bunyi), terkasar (bkn tindakan, sikap, dll): *suaranya sekali ini agak ~ sedikit;*

**kekerasan** perihal (sifat dsb) keras (dlm berbagai-bagai erti spt kekuatan, kekasaran, keazaman, kegiatan, dll), paksaan (dlm sesuatu tindakan): *dgn ~ sukar dicapai penyelesaian; kumpulan jahat yg bertujuan hendak menumbangkan kerajaan dgn ~ telah dapat ditumpaskan;*

**pengerasan** perihal mengeraskan atau mengerasi (tindakan keras, pemaksaan, dll);

**pengeras** 1. jampi utk memperkuat diri atau utk menakutkan (memaksa, menundukkan) orang; 2. bayaran kpd pawang kerana berubat atau menuntut ilmu daripadanya; 3. alat utk mengeraskan atau menguatkan (suara dll); 4. sesuatu (spt jarum, duit syiling, dll) yg diberikan kpd tukang urut atau bomoh selepas berurut atau berubat dengannya (sbg imbalan);

**berpengeraskan** menggunakan sesuatu sbg pengeras: *dgn hanya ~ duit tujuh sen dan sebatang jarum tembaga.*

**keras II;** ~ *tulang* Jw sj tumbuhan (herba), manik, muni, rami hutan, sambau paya, sembau, sigueh putih, *Chloranthus officinalis*; buah ~ sj tumbuhan (pokok dan buahnya), buah keminbing, kemiri, *Aleurites moluccana*; buah ~ laut sj tumbuhan (pokok), baru-baru, baru laut, waru, *Thespesia populnea*; *bagai buah ~ di dalam sekul* prb percakapan yg kelam-kabut.

**keras III;** ~ *ekor* sj ikan laut, *Megalaspis cordyla*.

**keras IV**; ~-*leras* sj kuih.

**kerasan** Jw tahan (mendiami sesuatu tempat), betah: *aku tidak ~ tinggal di sini.*

**kerat I 1.** bahagian (drpd sesuatu), potong, penggal: *tulang belakang tubuh manusia ada tiga puluh tiga ~ semuanya; se~ dawai* sepotong dawai; *tulang empat ~ anggota* (kaki dgn tangan); *(dgn) tulang delapan ~ (dgn) tubuh dan anggota sahaja; se~ jalan* sebahagian jalan (belum sampai ke penghabisan jalan atau perjalanan): *kemenangan kita di Rusia ialah kemenangan se~ jalan; 2.* (digunakan utk menegaskan sedikitnya bilangannya): *orang Melayu tidak harus berpuas hati dgn empat lima ~ sahaja yg berjaya dlm lapangan perniagaan; berapa ~ antara mereka itu yg benar-benar sanggup berkorban;*

**berkerat** telah atau sudah dikerat: *batang ubi yg ~ itu diikatnya dlm dua berkas; ~ rotan* memutuskan tali persahabatan (persaudaraan);

**mengerat** memotong, memenggal, memancung (kepala): *maka dikerat pusatnya, dibedung dgn kain yg keemasan; dahan kayu itu dikerat-keratnya menjadi beberapa potong; ~ batang padi; ~ kepala, ~ leher* memenggal kepala; *~ lidah* menyampuk atau menyelangi perkataan (percakapan) orang;

**terkerat** terpotong (kayu, jari, dll), terpenggal (kepala), terhenti (percakapan, perbualan) kerana sesuatu gangguan: *banyak panglimanya mati ~ kepala mereka; percakapan mereka ~ oleh keriuhan di luar;*

**keratan** bahagian drpd sesuatu yg telah dikerat, bahagian (drpd sesuatu), irisan, penggalan, potongan: *~~~ kayu itu diikatnya dan dibawa pulang; syair lebih mementingkan keseragaman bunyi di*

*hujung* ~ *perkataannya*; ~ *akhbar* bahagian akhbar (biasanya yg mengandungi berita atau siaran tertentu) yg dipotong drpd sesuatu halaman surat khabar.

**kerat II** bunyi spt bunyi tupai mengunggis benda yg keras.

**kerat III**; ~ *telunjuk* sj tumbuhan (pokok), kedondong bulan, kedondong pasir, *Canarium rufum*.

**keratabasa** Jw ark penjelasan (penerangan) erti perkataan dgn berdasarkan tafsiran atau huraian tentang bunyi atau suku kata yg terdapat pd perkataan itu.

**keratang** □ □ □ **kertang III**.

**keratau** sj tumbuhan (pokok dan buahnya); □ □ □ **kertau**.

**keratin** (kératin) (Bio) sj protein yg terdapat pd kuku, tanduk, sisik, dan lapisan luar kulit.

**kerating** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar (tongkat) ali, akar dedingin, akar restung, akar tanding, itah (ubi) besi, kelih, *Smilax myosoti flora*.

**keraton** Jw istana raja: *bahasa* ~ bahasa istana.

**kerau I**; *bakul* ~ sj bakul yg dianyam drpd bilah-bilah buluh.

**kerau II** Kd keras kerana belum masak betul (bkn buah).

**kerawai I** sj tebuan (sarangnya dibuat drpd tanah).

**kerawai II** sj tumbuhan (pokok menjalar yg daunnya dijadikan baja), *Mucina pruriens*.

**kerawak**; *tupai* ~ sj tupai besar yg berbulu merah, *Sciurus bicolor*.

**kerawang** (ukiran, tenunan, sulaman) yg berlubang-lubang: *kanak-kanak perempuan hendaklah dilatih memilih warna dan membuat* ~;

**berkerawang** berukir (bertenun, bertekak) dgn kerawang: *kerisnya jalak jantan, ~ di pangkalnya*;

**mengerawang** membuat (menenun, menekat, mengukir) kerawang;  
~ *langit* mengangan-angankan yg bukan-bukan, mengelamun.

**kerawat I** tali drpd kulit atau rotan (utk membebat beliung dll), simpai (tali) rotan; *makan* ~ sangat miskin.

**kerawat II** Kd kawat berduri.

**kerawit**; ~ *bintil akar* sj cacing yg merosakkan pokok; *cacing* ~ sj cacing halus (terdapat dlm perut), *Enterobius vermicularis*.

**kerayung** sj tumbuhan (pokok), beka, bereksa, boli, gedayang, gedayung, kedaung, kedawang, *Parkia javanica*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar asam riang, akar iang-iang, akar yang-yang, *Vitis hastata*.

**kerbang** sj tumbuhan (pokok yg kulitnya dibuat tali), *Artocarpus elastica*.

**kerbat I**; **mengerbat** mengikat dgn membelit-belit, mengebat.

**kerbat II** sl sj pundi-pundi drpd kulit (utk diisi air), kirbat.

**kerbau I** sj binatang peliharaan (seakan-akan lembu rupanya tetapi lebih besar dan kulitnya biasanya berwarna kelabu atau kehitam-hitaman), *Bos bubalus*;  
~ *balar* kerbau yg berkulit dan berbulu putih; ~ *bara api* kerbau yg kulitnya kemerah-merahan; ~ *benuang* jenis kerbau yg besar dan berkulit hitam; ~ *beras* = ~ *melukut* jenis kerbau yg kecil; ~ *bintang* kerbau yg berbintik-bintik pd kulitnya; ~ *buluh seruas* kerbau yg kuku kakinya bercantum (tidak berbelah); ~ *bungkal gantih* kerbau yg hujung tanduknya berbungkal (tidak tajam); ~ *canggih puteri* kerbau yg kuku kakinya kecil dan panjang; ~ *denak* kerbau pemikat (utk menarik kerbau lain supaya masuk kandang); ~ *jalang* kerbau hutan (bukan kerbau peliharaan); ~ *kumbang berteduh* = ~ *sumbat labu* kerbau yg ada gumpal daging pd pangkal ekornya; ~ *pangkah*

*kening* kerbau yg ada tanda putih pd dahinya; ~ *pendek* bp babi; ~ *punca ekornya* kerbau yg ada tanda (jalur) putih pd ekornya; ~ *sampaian kain* kerbau yg tanduknya mendatar (tidak tumbuh ke atas); ~ *sinar matahari* kerbau yg tanduknya menonjol ke hadapan; ~ *sopak* kerbau yg mempunyai tanda-tanda putih pd bahagian mulutnya; ~ *tepak lalat* kerbau yg hujung ekornya berbungkal; ~ *turun berendam* lebih kurang pukul 5 petang;

~ *berkandang, emas berpura* prb sesuatu benda itu hendaklah disimpan pd tempatnya masing-masing supaya selamat; ~ *diberi berpelana, kuda diberi berpasangan* prb pekerjaan yg dibuat tidak dgn selayaknya atau orang yg diletakkan bukan pd tempatnya; ~ *jangan dimaling orang, ayam jangan dimusang* prb isteri dijaga baik oleh keluarga suaminya supaya tidak dinodai orang; ~ *menanduk, ~ pergi* prb orang yg bersalah mesti menerima hukumannya; ~ *punya susu, sapi dapat nama* prb orang lain yg berbuat kebaikan atau bersusah payah, orang lain pula yg mendapat kepujian; ~ *sekawan boleh dikandang, manusia seorang tiada terkawal* prb perihal sukarnya menjaga seorang gadis supaya tidak tercemar nama baik; *bagai ~ runcing tanduk* prb orang yg terkenal kerana jahatnya; *bagai ~ terkejut oleh gong* prb tercengang-cengang kehairanan; *bagai jelongak ~ rampung* prb orang bodoh yg sombong dan tidak sedarkan dirinya diperbodohkan orang; *bagai melulutkan jebat pd ~* prb pemberian yg tidak kena pd tempatnya (tidak berfaedah kpd penerimanya); *bermain-main dgn ~, dilontarnya muka dgn ekor* prb berkawan dgn orang bodoh (hina) tentu mendatangkan kerugian; *jangan buat ~ tanduk panjang* prb jangan mencampuri perkara orang lain; *jika ~ dipegang orang talinya, jika manusia dipegang mulutnya*



prb janji mestilah ditepati; *laksana ~*, *di mana rumput hijau di sana terkam* prb orang yg melupakan (tidak menghiraukan) bahaya apabila menemui sesuatu yg digemarinya; *mencongak (mendongak) rupa ~ jantan kemudian* prb lelaki yg berjalan di belakang isterinya; *menghambat ~ melabuh (berlabuh)* prb menghalang (menggangu) perbuatan orang yg akan mendatangkan kesenangan baginya; *menolong ~ ditangkap harimau* prb menolong orang yg membuat kesalahan, akhirnya diri sendiri mendapat kesusahan; *seekor ~ berkubang, sekandang kena loloknya = seekor ~ membawa lumpur, semuanya terpalit* prb seorang yg melakukan kesalahan semuanya terlibat sama; *spt ~ dicucuk hidung* prb orang bodoh yg menurut sahaja kemahuan orang lain; *spt ~ menanduk anak, dgn kaparan tanduk, bukan dgn hujungnya* prb menghukum anak ialah utk memperbaiki kelakuannya, bukan utk menyeksa; *spt ~ tersepit leher, dihela tanduk sudah panjang, dilakukan badan sudah besar* prb orang yg mendapati sukar hendak melepaskan dirinya setelah terdorong melakukan sesuatu pekerjaan; *terambu ~ kerana rumput muda* prb orang yg mudah tergoda oleh kecantikan perempuan muda; *tiada akan rintang ~ oleh tanduknya* prb orang yg cekap itu tiada terganggu oleh rintangan dlm mengerjakan sesuatu;

**berkerbau;** *~ seperempat ekor, berkandang sbg orang* prb orang miskin yg berlagak spt orang kaya.

**kerbau II;** *rumpu* ~ sj tumbuhan (rumpu), rumput ala negeri, rumput pahit, *Paspalum conjugatum*; *rumpu* ~ *derapah* sj tumbuhan (pokok renek), kacang kayu betina, *Desmodium heterocarpum (polycarpum)*.

**kerbuk** ark; **mengerbuk** menebuk, menggerak: *nyiur dikerbuk tupai*.

**kercap** = ~-*kercip* = ~-*kercup* bunyi orang mengecap masakan (makanan).

**kercau I** bunyi spt bunyi orang bermain dlm air.

**kercau II** kaku (anggota), kejang, kejur.

**kercing I** ark; **mengercingkan** memejamkan, memicingkan: ~ *mata*.

**kercing II** sj ikan kaut, *Lethrinus miniatus*.

**kercip**; *kercap*-~; □ **kercap**.

**kercit**; ark **mengercitkan** mengelipkan, mengedipkan, mengejapkan; ~ *mata* mengelipkan mata.

**kercup**; *kercap*-~; □ **kercap**.

**kercut** sj tumbuhan (rumput), daunnya dibuat tikar dll, kumbuh, mansiang agam, mansiro hitam (kambuih), rumput kerecut, rumput kumbar, *Scirpus mucronatus*.

**kerdak 1.** benda halus (spt hampas kopi, kotoran, dsb) yg mengendap (mendak) ke bahagian bawah air atau cecair (atau ke dasar sesuatu bekas), keladak, endap-endap; **2.** barang-barang yg rendah nilainya.

**kerdam** bunyi kuat yg bergema (spt bunyi barang berat terhempas); □ **kerdum**.

**kerdan**; *aras* ~; □ **aras III**.

**kerdas** □ **keredas**.

**kerdil** sentiasa kecil (tidak mahu besar), terencat tumbuhnya (bkn orang, binatang, dll): *ayam* ~; *orang* ~;

**mengerdilkan** menjadikan kerdil, mengecil-ngecilkan atau menganggap sesuatu kurang penting: *kita dgn sengaja* ~ *sastera kita*;

**kekerdilan** perihal (keadaan) kerdil.

**kerdip**; **berkerdip** berkedip, berkelip (mata, lampu neon, dll);

**berkerdipan** berkelipan atau berkedip secara berterusan;

**mengerdip** berkedip (bkn mata, lampu dll): *hanya kelihatan bintang-bintang ~ di langit bersih;*

**mengerdipkan** mengelipkan (mata), menggerakkan kelopak mata (ke atas dan ke bawah): ~ *mata;*

**kerdipan**; ~ *mata* kedipan mata; □ **kedip, kelip I.**

**kerdom** Id, bp; **berkerdom, berkerdom-kerdom** memaki-maki;

**mengerdomkan** memaki.

**kerdum** bunyi bergaung (bergema); □ □ **kerdam.**

**kerdus** □ **kardus.**

**kerdut** □ **kedut, kerut.**

**kere** (keré) bidai; □ **kerai I.**

**kerebok** (kerébok) **mengerebok** menembuk, mengoyakkan; □ **kerobek, kerabit.**

**kerecak** □ **keracak.**

**kereceng** (kerécéng); **mengerecengkan**; ~ *mata* mengerdip-ngerdipkan mata (mengejap-ngejapkan mata); □ **keceng.**

**keredak** kotoran yg sudah kering dan melekat pd sesuatu.

**keredas 1.** = ~ *antan* = ~ *padi* sj tumbuhan (pokok), buah pelung, geredas padi, *Pithecellobium bubalinum*; **2.** = ~ *api* (*ayam, belalang, padi*) sj tumbuhan (pokok), *Pithecellobium microcarpum*.

**keredep** (kerédép) Jk; **berkeredep, mengeredep** berkelip-kelip, berkilau-kilau.

**keredong** (kerédong) Jk selubung;

**berkeredong** berselubung.

**kerejut; berkerejut** Pr berkedut (bkn kain atau kulit).

**kerek** (kerék) Kl **1.** rapat (tidak renggang); **2.** kerap, selalu, berulang kali.

**kerek** (kérék) **I** sj roda yg memakai tali atau rantai (utk menaikkan atau menurunkan barang-barang berat), kapi, takal;

**mengerek** menggunakan kerek utk menaikkan (menurunkan) barang;

**kerekan** kerek, kapi, takal.

**kerek** (kérék) **II** sepuluh kerat gula enau (nira kabung).

**kerekau** Kd cari, hendak mendapat.

**kereket** (kerékét); **berkereket** berbunyi spt lantai buluh atau papan dipijak-pijak.

**kerekot** (kerékot) **I** **1.** bengkok-bengkok (bkn jari dll); **2.** berkerut-kerut (tidak rata dan licin), menjadi kerukut (bkn lantai).

**kerekot** (kerékot) **II** sangat kedekut (bakhil).

**kerekot** (kerékot) **III**; **mengerekot** berbaring dgn merapatkan tangan dan kaki ke tubuh (kerana sakit atau kesejukan): *Bujal ~ macam udang; pd malam yg sejuk itu dia tidur ~ dgn berselimutkan sehelai kain biasa;*

**mengerekotkan** merapatkan tangan dan kaki rapat ke tubuh (kerana sakit atau kesejukan).

**kerekup** □ □ **kerukup**.

**kerem** □ **keram**.

**keremak** sj tumbuhan (rumpai), kermak, kermak bukit, bayam pasir (tanah), daun serapati, kelama hijau, kerak nasi paya, kernau, ketung pulut, rumput kulang pulut, *Alternanthera triandra (sessilis)*; ~ hutan = ~ jantan sj tumbuhan (rumpai), ari(ng)-aring, rumput kuning putih, urang-uring, *Eclipta alba*; ~ rusa sj tumbuhan (herba), lutut ayam, *Mygrophila quadrivalvis*; ~ susu sj tumbuhan (herba) ara tanah, gelang susu, *Euphorbia hirta*; akar ~ sj tumbuhan (pokok

memanjat), akar kangkung laut, akar lanar, keledak hutan, *Ipomea digitata*.

**keremangka** sj tumbuhan (pokok), cakmau, caman, camau, cemah, pati belalang, sejuang hutan, *Dracaena maingayi*.

**keremi** cacing kerawit.

**keremot** (kerémot) ark □ **keremut**.

**kerempagi** sj pisau cukur, pisau lipat.

**kerempung** ark perut bahagian bawah.

**keremunting** □ **kemunting**.

**keremut** berkedut-kedut (muka), berkerut-kerut.

**keren** (kerén) Jk tampak berani serta tangkas, garang dan suka melawan, lekas marah, lekas berlari dgn pantas (bkn kuda dll).

**kerenah** (kerénah) ragam, tingkah laku, kemahuan: *banyak benar ~nya budak ini; ~ birokrasi* proses atau urusan kerja, terutamanya yg melibatkan pihak kerajaan atau agensi kerajaan, yg mengambil masa yg sangat lama kerana terpaksa melalui berbagai-bagai formaliti, peringkat, peraturan dsb sebelum sesuatu permohonan atau perkara dapat diluluskan atau dilaksanakan.

**kerenam** sj tumbuhan (pokok), kenidai, punai, sebasah (bukit), *Antidesma cuspidatum*.

**kerenan 1.** = ~ *makan* sj tumbuhan (pokok renek), cenderai gajah, kenidai babi, kenidai samak jambu, *Bridelia stipularis*; **2.** sj tumbuhan (pokok), kenidai (jantan), *Bridelia monoica*.

**kerencang** bunyi spt bunyi besi (rantai, wang logam) berhantukan atau bersentuhan.

**kerencat** terencat □ **rencat**.

**kerencing** □ **kerencang**.

**kerencung I** sj tumbuhan (herba), daun sejuk, ganti batang, rajah bangun, teres, tumbuh daun, *Bryophyllum pinnatum (calycium)*.

**kerencung II** bunyi seakan-akan bunyi kerencang.

**kereng** Jw keras hukumnya atau perintahnya (terhadap anak dll), garang, pemarah.

**kerengga** sj semut yg besar dan merah, *Oecophylla smaragdina*.

**kerenggamunggu** buah pokok kepulaga (yg dijadikan rempah), buah pelaga, buah pulaga.

**kerengkam** sj lumut laut.

**kerengkek** (keréngkék) sj ikan darat, pata puling, *Puntioplites fasciatus*.

**kerengkiang** tempat menyimpan padi; □ **rengkiang**.

**kerengseng** (keréngséng) I □ **kereseng**.

**kerengseng** (keréngséng) II corak kain; □ **gerengseng I**.

**kereniok** ark Kd lima.

**kerentam** □ **gerentam**.

**kerentat** kerencat; □ **rencat**.

**kerenting** bunyi denting (spt bunyi wang syiling jatuh), kerencing.

**kerenyau** □ □ **kernyau**.

**kerenyeh** (kerényéh) Kd tersengih, kerisin: *Amboi, senang hati dok ~*.

**kerenyet** (kerényét) Kl tindas (pijat-pijat, kutu, dll) supaya mati, tenyeh.

**kerenyot** (kerényot); **mengerenyot** mengerutkan (memencongkan) mulut, menyeringai.

**kerapai** □ **kerpai**.

**kerepak** □ **kerpak**.

**kerepas I** □ **kerpas**.

**kerepas II** Mn pipih, pecak;

**mengerepas**; ~ *mata* memejamkan mata, mengejapkan mata.

**kerepeh** (kerépéh) Kl kelebihan atau sisa lauk.

**kerepek** (kerépék) I ubi kayu, pisang, keladi dsb yg dihiris nipis-nipis dan digoreng.

**kerepek** (kerépék) II 1. sj ikan laut, *Chelmon costratus*; 2. sj ikan laut, *Heniochus acuminatus*.

**kerepes** (kerépés); **mengerepes** meraba-raba (spt orang mencari benda kecil).

**kerepot** (kerépot) = **berkerepot** berkedut-kedut, berkerut-kerut;

**mengerepotkan** menjadikan sesuatu berkerepot: *garis-garis kedut yg ~ muka*.

**kerepuh**; ~ *taayam* sj ikan laut, *Caranx sexfasciatus*.

**keresek** (kerésék) bunyi daun kering dipijak.

**kereseng** (keréséng) pecah kulitnya, rekah, terbuka sedikit hingga kelihatan isinya;

**terkereseng**; *mulut* ~ mulut menyeringai (mengerising, tersengih), mulut yg terbuka kerana bibir sumbing.

**keresepese** (kerésépesé) bp bercakap-cakap dlm bahasa Belanda; □ **keleseh**.

**keresoi** = *kerbang*~ Kd terurai dan kusut (rambut), menggerbang.

**keresot** (kerésot) kedut, kerut (pd muka atau dahi), kisut, lisut.

**keret** (kérét) tembok, bingkai (telaga dll).

**kereta** (keréta) 1. kenderaan yg memakai roda (ditarik oleh binatang atau digerakkan oleh enjin); 2. gerabak (kereta api); 3. gelendong benang jahit;

~ *angin* ark basikal; ~ *asap* kereta api; ~ *baja* (*waja*) = ~ *perisai* sj kereta tentera yg berlapis besi baja; ~ *bomba* kereta yg digunakan oleh pasukan bomba (utk memadamkan kebakaran); ~ *jenazah* = ~

*mati* kereta utk membawa mayat; ~ *kabel* kenderaan yg bergerak di atas landasan kabel atau di sepanjang kabel atas; ~ *kebal* a) Id kereta baja; b) kereta berlapis besi dan berodakan rantai yg tidak dapat ditembusi peluru (digunakan dlm peperangan), teng; ~ *kerbau (lembu)* kereta yg ditarik oleh kerbau (lembu); ~ *lereng* ark basikal; ~ *lumba* kereta (motokar) yg digunakan dlm perlumbaan kereta; ~ *makan* gerabak kereta api tempat penumpang makan; ~ *pakai* kereta (motokar) yg dipakai oleh pemiliknya sendiri (tidak utk disewakan kpd orang lain atau utk membawa penumpang-penumpang yg membayar tambang); ~ *pelangking* kereta yg berbentuk spt tandu (usungan); ~ *penumpang* a) gerabak kereta api tempat penumpang duduk dlm perjalanan; b) kereta (motokar) utk membawa penumpang (bukan barang); ~ *perisai* = ~ *baja*; ~ *radio* kereta peronda polis yg mempunyai sistem radio; ~ *peronda* kereta yg digunakan oleh polis utk meronda dll; ~ *sakit* kereta utk membawa orang sakit, ambulans; ~ *sewa* = ~ *tambangan* kereta utk membawa penumpang-penumpang yg membayar tambang; ~ *sorong (tolak, tarik)* kereta yg digerakkan dgn menyorong (menolak, menarik); ~ *sport* sj kereta yg berbadan rendah, yg direka bentuk utk dipandu laju, biasanya berbumbung yg boleh dibuka dan ditutup, dan mempunyai tempat duduk utk dua orang sahaja; ~ *tidur* gerabak kereta api tempat tidur; ~ *vintaj* kereta lama yg masih diminati kerana sesuatu ciri keistimewaannya, biasanya dibuat antara tahun 1917 hingga 1930;

**berkereta** mempunyai atau mengenderai (menaiki, memakai) kereta: *kebanyakan mereka tidak ~ sungguhpun banyak yg bergaji besar; dia tu ke mana-mana sahaja ~.*



**kereta api** sj kenderaan yg terdiri drpd beberapa buah gerabak yg dirangkaikan dan berjalan di atas landasan (rel);

~ *bawah tanah* (sistem rangkaian) kereta api elektrik yg beroperasi di bawah tanah, terutamanya dlm bandar raya yg besar dan sibuk; ~ *cepat* = ~ *ekspres* kereta api yg berjalan cepat dan hanya berhenti di stesen-stesen besar; ~ *elektrik* kereta api yg bergerak dgn menggunakan tenaga elektrik; ~ *komuter* komuter; ~ *mel* kereta api yg membawa surat, bungkusan, dsb.

**keretan** (kerétan) gores (korek) api, mancis api, geretan.

**keretek** Jw titian, jambatan.

**keretek** (keréték) Jw = *rokok* ~ sj rokok yg mengandungi tembakau bercampur cengkih: *asap rokok ~nya itu dihembuskannya berkepul-kepul*.

**keretot** (kerétot) **1.** bengkok-bengkok (jari dll); **2.** berkedut, menggerutu (bkn kulit buah); **3.** kerdil (bkn orang atau binatang).

**keretuk**; ~ *babi* sj tumbuhan (herba), pematil ulat, pokok ekor anjing, pokok ekor kucing, serengan hutan, *Uraria crinita*.

**keretup** **1.** bunyi spt keropok dimamah; **2.** bunyi spt bunyi kaki dan tangan ditarik;

**berkeretup** mengeluarkan bunyi keretup: *Rudin mengurut kaki dan tangan lebai Pa sehingga ~ kedengaran ke telinga Imam Min*.

**keri** sj sabit kecil utk memotong atau menebas rumput dll;

**mengeri** memotong (menebas) rumput dgn keris.

**keri** (kéri) Jw **1.** terlupa utk dibawa bersama-sama; **2.** tertinggal di belakang kerana tidak dapat mengejar atau menyaingi seseorang yg di hadapan; **3.** tercacir atau terkebelakang dlm sesuatu spt pelajaran, kemajuan dsb.

**keria I;** *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd keledak yg dilumatkan dan dicampur tepung gandum (kemudiannya digoreng dan disira dgn gula).

**keria II** sj burung, *Grus antigone sharpii*.

**keriak** ark teriak;

**berkeriak** berteriak.

**kerian** sj tumbuhan (pokok), keriang batu, *Eugenia pseudosubtilis*.

**keriang I;** *~-keriut* bunyi spt bunyi pintu buruk (atau yg ketat engselnya) dibuka dan ditutup, berbunyi 'kiat-kiut'.

**keriang II 1.** sj tumbuhan (pokok), beriang, iang-iang, riang-riang, yang-yang, asam pagi, asam riang, *Archytaea vahlii*; **2.** = ~ batu sj tumbuhan (pokok), kerian, *Eugenia pseudosubtilis*.

**keriap; berkeriapan, mengeriap** berkerumun banyak-banyak (bkn semut dll), menggerumut.

**keriat;** *~-keriut* keriang-keriut.

**keriau** ark; **berkeriau** berteriak, memekik, menjerit, memaki-maki: *Leong* ~ kesakitan.

**kerical** = *pacal* ~ sl hamba yg hina.

**kericau; berkericau** = **mengericau** berbunyi spt bunyi burung murai dll, berkicau.

**kericik I** sj tupai kecil.

**kericik II** bunyi spt bunyi air mengalir deras di celah-celah batu;

**berkericik** mengeluarkan bunyi kericik: *air ~ perlahan dan membuatku sangat letih*.

**keridas** = *kadas* ~ sj penyakit kulit yg menyebabkan rasa gatal-gatal, kurap yg sangat gatal.

**keridau** riuh rendah.

**keridik 1.** sj serangga yg berkepak, cengkerik, jengkerik; jenis-jenis: ~ *api*, ~ *padang*; **2.** sj serangga yg berbisa.

**kerih I** bunyi (teriak) keras;

**mengerih 1.** berbunyi dgn kuat (bkn keras); **2.** mengerang (kerana kesakitan dll).

**kerih II** dgn berbagai-bagai kesukaran, dgn susah payah, tidak cepat maju.

**kerik I 1.** bunyi spt bunyi menggores (mengikis atau mengeruk) benda keras (spt batu, kepingan logam, periuk, dll); **2.** bunyi spt bunyi pintu buruk yg ketat engselnya dibuka atau ditutup;

**berkerik** mengeluarkan bunyi kerik: *aku menoleh apabila aku dengar bunyi pintu ~;*

**mengerik 1.** mengikis (mengeruk, menggaruk) dgn benda tajam (spt pisau dsb), menghilangkan sesuatu (spt tulisan dakwat, cat, dll) dgn mengikisnya (dgn pisau dll); **2.** Jk menggosok-gosok (bahagian tubuh yg sakit kerana kesejukan atau masuk angin) dgn wang sen dll;

**kerikan 1.** kikisan; **2.** sesuatu yg dikerik.

**kerik II;** ~ *api* ark korek (gores) api, mancis api.

**kerikal** sl sj pinggan besar atau talam yg berkaki (dibuat drpd logam dll):

*apabila utusan datang atau pergi, ceper dan ~ dibawa hamba raja dr dalam.*

**kerikam** benang kasar drpd logam (yg berwarna emas atau perak) yg digunakan utk menyulam; *kain* ~ sj kain linen yg kasar.

**kerikil** = *batu* ~ batu kecil-kecil (digunakan dlm pembinaan jalan raya, bangunan, dll);

**berkerikil** berbatu kerikil dan tidak rata (bkn permukaan jalan dsb): *perlumbaan sejauh 15 kilometer melalui jalan yg ~;*

**mengerikil, mengerikili** menggunakan batu kerikil utk memperkukuh atau melapis jalan dll): ~ *jalan*; **kelikir II**.

**kerikit Jk; mengerikiti** menggigit sedikit-sedikit (tikus dll), mengunggis, mengerip, mengerumit.

**keriling Ph** bengkok (bkn dahan).

**kerinan Jw** ark terlambat bangun drpd tidur, kesiangan.

**kerincing 1.** bunyi spt bunyi wang logam berhantukan, kerenting, denting;  
**2.** sj bunyi-bunyian yg dibuat drpd logam.

**kering I 1.** tidak berair atau sudah tidak berair lagi (bkn saluran air, parit, dll): *saluran air yg membekalkan air ke sawah semuanya hampir ~ disebabkan kemarau panjang*; **2.** tidak basah (lagi) atau lembap (lagi): *digosoknya dgn sehelai kain yg ~ hingga berkilat; sudah pun ~ kain yg dijemur itu; ikan ~ ikan yg telah dijemur hingga kering (setelah dibubuh garam dll); kuih ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung pulut dan telur (digoreng dan disira dgn air gula)*; **3.** tidak mendapat hujan yg agak mencukupi (bkn daerah, kawasan, dsb), tidak turun hujan utk jangka waktu yg berpanjangan (bkn musim), kemarau: *kawasan ~; musim ~*; **4.** sudah tidak datang haid lagi; **5.** tidak berwang (lagi), habis (wang dll): *saya tidak dapat meminjamkan wang kerana saya sendiri pun ~ sekarang ini*; **6.** habis, putus: *sejarah tidak ~ dgn peristiwa*;

~~~ *air* tidak kering sama sekali, lembap; ~ *darah(nya)* tersirap darahnya (sangat terkejut); ~ *embun* pagi hari kira-kira pukul 8-9 pagi; *tak ~ gusi* tak putus-putus ketawa atau mudah ketawa (kerana kelucuan dll); ~-*kelontang (-kerontang, -kontang)* kering sama sekali atau tidak berair sedikit pun (bkn tempayan, perigi, dll); ~

kersang kering tidak subur (bkn tanah); ~ *ringkai* kering sekali (bkn sesuatu yg dijemur);

mengering menjadi kering;

mengeringi membiarkan supaya menjadi kering (tidak berair), membiarkan kering;

mengeringkan menjadikan kering, mengusahkan (dgn menjemur dll) supaya kering: *mereka menggali parit kerana hendak ~ tanah-tanah paya; ikan-ikan itu dikeringkan atau dibubuhi garam sebelum dibawa ke bandar; ~ darah menyirapkan darah (sangat memeranjatkan, mengejutkan);*

kekeringan 1. perihal (keadaan, sifat) kering; 2. sudah menjadi kering, tidak basah (berair) lagi: *semua parit ~ dlm musim kemarau itu; tekak masing-masing ~ kerana kehausan; 3. tidak lagi di laut dll (bkn perahu), terletak di darat (bkn perahu); 4. kehabisan wang;*

pengeringan perihal (perbuatan dsb) mengeringi atau mengeringkan: ~ *tanah sawah;*

pengering alat utk mengeringkan (udara dll): ~ *rambut* alat utk mengeringkan rambut yg basah (selepas mandi dsb); *balang* ~ balang utk mengeringkan bahan kimia.

kering II bunyi spt bunyi loceng basikal;

berkering berbunyi spt bunyi loceng basikal.

kering III sj ikan laut, *Centriscus scutatus*.

keringat peluh; ~ *dingin* peluh yg menyebabkan badan berasa dingin, peluh sejuk; *biang* ~ bintil-bintil (bintik-bintik) merah pd kulit; *dgn ~nya sendiri* dgn usahanya (kegiatannya) sendiri; *mandi (memeras)* ~ bekerja (berusaha) dgn sepenuh tenaga, bertungkus-lumus; *makan ~ orang* menikmati kesenangan dll dgn memperhamba (memeras

tenaga) orang; *membuang* ~ mengerjakan sesuatu yg sia-sia; *keluar* ~ *keringnya* tersangat susah (payah);

berkeringat, keringatan ark mengeluarkan keringat, berpeluh;

mengeringatkan ark membuat sesuatu dgn bertungkus-lumus (susah payah).

keringsing □ **geringsing**.

kerinjal = *buah* ~ buah pinggang, ginjal; *sakit* ~ sakit buah pinggang.

kerinjang; mengerinjang sl melangkah-langkahkan (menginjak-injakkan, menjejak-jejakkan) kaki.

kerinjing sj tumbuhan (pokok), *Bishofia javanica*.

kerintil bergantung bergugus-gugus atau banyak-banyak (bkn buah-buahan).

kerinting I □ **keriting**.

kerinting II siput atau kerang yg diasinkan.

kerinting III sj tumbuhan (palma), rinting, *Ptychoraphis singaporensis*.

kerip bunyi spt bunyi mengikis (mengerit);

mengerip menggigit berdikit-dikit (bkn arnab, tikus, dsb), mengerumit, mengunggis; *binatang* ~ binatang yg mengunggis atau mengerumit (mis arnab, tikus, dsb);

pengerip sesuatu yg mengerip (mengunggis); *gigi* ~ gigi utk mengerip; □ **kerit I**.

keris sj senjata bermata dua yg tajam (bilahnya lurus dan berkelok-kelok):

~ *Bugis*, ~ *Majapahit* dll;

~ (*anak*) *alang* keris yg sederhana panjang bilahnya; ~ *berapit* keris yg pd sarungnya dibubuhi dawai mas atau perak; ~ *berlok (berkeluk)* keris yg berkeluk-keluk (tidak lurus) bilahnya; ~ *cerita* keris yg bilahnya berkeluk sembilan atau lebih; ~ *harubi* = ~ *merubi* = ~

bawang sebongkol sj keris yg berhulukan emas (khas utk raja-raja);
~ *pandak (pendek)* keris yg pendek bilahnya; ~ *panjang* keris yg panjang bilahnya; ~ *parung sari* = ~ *sempana* keris yg bilahnya berkeluk tujuh atau kurang; ~ *pendua* keris yg digunakan sbg keris cadangan (bukan keris utama); ~ *penyalang* keris yg digunakan utk menyalang (sbg menjalankan hukuman bunuh); ~ *sepukal* keris yg lurus bilahnya;

~ *panjang berkeluk, ke mana dibawa ke mana elok* prb orang yg boleh dipergunakan utk sebarang tujuan; ~ *pedang (lembing) tiada tajam, lebih tajam mulut manusia* prb kata-kata lebih tajam drpd senjata; ~ *tersisip di dinding, pedang tajam dlm sarungnya* prb perbuatan bodoh;

berkeris 1. memakai (menggunakan) keris: *maka Tun Bija Sura memakai cara Jawa, ~ di belakang*; **2.** bertikam-tikaman dgn keris; *berkeras tidak ~* prb bertindak keras tetapi tidak berupaya mempertahankan diri;

mengeris menikam dgn keris.

kerisi 1. sj ikan laut, *Nemipterus spp.*; **2.** sj ikan laut, *Synagris nemurus (taeniopterus)*;

~ *bali* sj ikan laut, *Pristipomoides spp.*; ~ *birat* sj ikan laut, *Nemipterus nemurus*.

kerisik I daun pisang yg telah kering;

mengerisik menjadi kering dan mengelupas (bkn kulit kaki dll).

kerisik II bunyi spt bunyi daun kering bergeseran;

berkerisik berbunyi spt bunyi daun kering bergeseran;

kerisikan bunyi berkerisik.

kerisik III kelapa goreng yg ditumbuk atau digiling.

kerisik IV ark pasir kasar, kersik.

kerisin → **kerising**.

kerising tersengih-sengih dgn tidak berketentuan, seringai; *~-kerenyih*
selalu (suka) kerising;

mengerising menyeringai;

terkerising dlm keadaan tersengih-sengih.

kerit I bunyi spt bunyi orang mengerit (menggores) sesuatu dgn benda
tajam;

mengerit menggigit berdikit-dikit, mengerip, mengunggis (bkn tikus
dll);

mengeritkan; *~ gigi* menggeserkan gigi (kerana marah dll),
menggertakkan (menggeratkan) gigi; **kerip**.

kerit II; *~ dayung = belalang ~~~* sj belalang (yg berbunyi kerit-kerit pd
waktu malam).

keritik bunyi spt bunyi daun kering (rambut dsb) dibakar;

berkeritik-keritik berbunyi spt bunyi daun kering (rambut dsb)
terbakar.

keriting bergulung-gulung (bkn rambut), ikal kecil-kecil: *kulitnya hitam*
dan rambutnya ~;

mengeriting menjadi keriting;

mengeritingkan menjadikan keriting;

pengeriting alat, bahan dsb yg digunakan utk mengeritingkan
rambut: *~ rambut*.

keriuk; **berkeriuk**, **terkeriuk** berketuk (bkn ayam betina), berkokok (bkn
ayam jantan).

keriut I; berkeriut, berkeriutan berbunyi spt bunyi pintu dibuka (yg engselnya ketat atau berkarat): *pintu bilik itu ~ ditolak orang*; □

keriang I.

keriut II sj burung, *Pluvialis dominica fulva*.

kerja 1. usaha (kegiatan, urusan) yg bertujuan utk menghasilkan (menyelesaikan, menyediakan, dsb) sesuatu: *beberapa minggu lagi selesailah ~ membesarkan jalan itu; banyak lagi ~ yg perlu dibuat utk menyambut ulang tahun kemerdekaan*; **2. = pekerjaan** sesuatu yg diusahakan (dilakukan berterusan) kerana mencari nafkah: *~nya yg baru ini menjadikan hidupnya agak senang; mencari ~ berusaha utk mendapatkan jawatan atau tugas-tugas yg menghasilkan pendapatan (secara berterusan)*; **3.** (segala) tugas atau urusan (yg telah ditentukan sbg tanggungjawab), kewajiban, peranan: *pastikan supaya dia menjalankan segala ~nya dgn memuaskan; anggota pertubuhan ini hendaklah menjalankan ~ masing-masing*; **4.** sesuatu (apa sahaja) yg dilakukan, perbuatan: *setiap hari itulah saja ~nya, menghabiskan masa dgn kawan-kawannya*; **5. bp = bekerja:** *awak tidak ~ hari ini?; ~ siang malam manakan tak teruk badan; ~ amali kerja mempraktikkan (melakukan) apa yg tersebut dlm teori; ~ bakti kerja yg dilakukan utk kepentingan negara atau orang ramai (bukan utk mendapatkan bayaran); ~ borong kerja yg pembayarannya didasarkan pd keseluruhan kerja yg terlibat (bayarannya setelah selesai seluruhnya atau menurut banyak kerja yg dibuat semuanya); ~ halus kerja yg memerlukan kemahiran serta ketelitian; ~ kahwin segala kegiatan dan urusan yg berkaitan dgn perkahwinan; ~ kapal kerja di kapal (sbg anak kapal); ~ kasar kerja yg lebih memerlukan kekuatan tenaga drpd kemahiran; ~ kayu*

pertukangan kayu; ~ *kosong* bp jawatan yg belum dipenuhi, lowongan kerja; ~ *ladang* kerja di ladang, (usaha) berladang; ~ *lapangan* kajian saintifik yg dijalankan di luar bilik darjah, makmal atau pejabat utk mendapatkan data, maklumat, dsb (bagi tujuan tertentu); ~ *latihan* sesuatu yg dibuat utk memahirkan diri atau utk mendapatkan pengalaman; ~ *lembur* kerja yg dibuat di luar waktu pejabat; ~ *luar* a) kerja selain kerja atau tugas biasa (dibuat utk menambah pendapatan); b) kerja yg dibuat di luar pejabat atau tempat kerja yg lazim; ~ *mengikut peraturan* kerja yg dijalankan tidak lebih drpd (atau secara terperinci mengikut) yg ditentukan oleh peraturan kerja; ~ *paksa* kerja yg diwajibkan melakukannya (sbg hukuman); ~ *pejabat* kerja pengurusan (pentadbiran dll) yg biasa dilakukan di pejabat; ~ *raja* sl kerja yg diwajibkan membuatnya (dgn tiada diberi upah), kerah, (pekerjaan) rodi; ~ *rampaian* berbagai-bagai kerja atau latihan utk memahirkan murid-murid dlm ilmu pelajaran yg berkenaan; ~ *raya* kerja-kerja pembinaan dan kejuruteraan oleh kerajaan utk faedah orang ramai (spt membina jalan raya, mengadakan bekalan air, dll); ~ *sambilan* kerja yg dibuat (secara sambilan) di samping kerja biasa atau kerja tetap yg lain; ~ *sawah* kerja di sawah, bersawah (bertanam padi); ~ *sawat* kerja yg dilakukan oleh pesawat (jentera); ~ *sementara* kerja utk jangka masa tertentu (bukan berterusan); ~ *tangan* kerja yg dibuat dgn tangan (spt anyam-menganyam, pertukangan, dsb); ~ *tetap* kerja yg berterusan (dilakukan oleh pekerja berjawatan tetap); ~ *baik berimbauan, datang buruk (malang) berhamburan* prb ketika hendak mengadakan kerja, baik dirundingkan terlebih dahulu, ketika timbul kemalangan, dibantu beramai-ramai; ~ *raja dijunjung* ~ *kita*

(*sendiri*) *dikelek* prb kerja sendiri pun boleh dibuat di samping membuat kerja orang; ~ *sebarang hubah, kasih sebarang tempat* prb bekerja dgn tidak berperaturan; *sedikit ~ banyak berantun* prb orang yg malas; *tidak ~ cari ~* prb orang yg sengaja melakukan sesuatu yg akhirnya menyusahkan dirinya juga;

sekerja sama pekerjaan (terlibat dlm jenis kerja yg sama); *kesatuan ~ kesatuan* (perkumpulan atau pergabungan) pekerja yg terlibat dlm jenis kerja yg sama;

bekerja 1. melakukan atau menjalankan sesuatu atau berbagai-bagai kegiatan (usaha, tugas, dsb) utk menghasilkan (menyelesaikan, menyediakan, dll) sesuatu: *setiap pegawai dan kakitangan yg lain ~ bersungguh-sungguh utk menghasilkan sebuah kamus yg baik; beberapa orang buruh sedang ~ keras membaiki jalan raya*; 2. mengusahakan sesuatu atau melibatkan diri dlm kegiatan tertentu utk mencari nafkah (memperoleh pendapatan): *ada antara mereka yg menjadi pengemis kerana malas ~; sebahagian besar drpd siswazah itu sudah pun ~*; 3. pergi (menghadirkan diri) ke tempat kerja spt pejabat dll dan menjalankan tugas dan tanggungjawab: *saya bercuti selama tiga hari dan akan balik ~ pd hari Khamis*;

mengerjakan 1. membuat (menjalankan) sesuatu kerja atau pekerjaan, membuat (melakukan) sesuatu: *taat sungguh ia ~ segala suruhan Tuhan*; 2. = **mengerjai** ark mengusahakan: *kebanyakan petani di kawasan itu ~ tanah-tanah sewa; ~ (mengerjai) mayat menyempurnakan mayat (spt memandikan, mengafaninya dll)*; 3. melaksanakan (tugas, rancangan, kewajipan, dll), menjalankan, melakukan: *segala rancangan yg sudah teratur hendaklah dikerjakan segera; ~ haji (puasa, sembahyang, dll) naik haji*

(berpuasa, bersembahyang, dll); **4.** menyudahi, menyelesaikan, menghabisi: *kerjakan ini dahulu sebelum dibuat kerja lain*; **5.** menghabisi, membunuh: *musuh yg menyeludup habis dikerjakan, satu pun tak ada yg hidup*; **6.** mengadakan serta mengurus majlis perkahwinan dll;

terkerjakan terbuat, terlaksanakan, dapat dijalankan (dilakukan): *susahnyanya terlalu sangat banyak kalau tiada ~ oleh paman*;

memperkerjakan menyuruh atau menempatkan (seseorang) bekerja (di): *aku diperkerjakan selama beberapa bulan di dok perusahaan Bethlehem Steel*;

pekerjaan 1. sesuatu yg dikerjakan (dilakukan, dibuat), perbuatan: *~mu membakar negeri Langkapuri itu juga bukan ~ laki-laki*; **2.** sesuatu yg dilakukan (harus dilakukan) sbg tanggungjawab, kewajiban, tugas: *sempurnalah ~ yg dititahkan paduka ayahanda itu*; *~nya membersihkan pekarangan rumah belum selesai*; *~ Allah kewajiban kpd Allah*; **3.** sesuatu (usaha, kegiatan, dsb) yg dilakukan berterusan (dr sehari ke sehari) utk keperluan hidup, usaha atau kegiatan utk mendapatkan wang, pencarian: *pd masa itu, bapaku memegang ~ tuan syahbandar Belanda*; *mereka semua mahukan ~ yg memberikan pendapatan yg besar*; *~ kolar putih kerja spt yg dilakukan oleh golongan pengurusan (profesional, perkeranian, dsb, iaitu bukan kerja kasar yg memerlukan kekuatan tenaga)*; *~ tangan kerja membuat barang-barang dgn tangan (spt menganyam dll)*; **4.** ark pergerakan atau perjalanan sesuatu: *beliau menerangkan ~ jentera itu kpd pelawat-pelawat*; **5.** majlis (istiadat) perkahwinan dll: *banyak dia berbelanja kerana ~ kahwin anaknya*;

~ baik *lekas-lekaskan, jangan ditimpa* ~ buruk; ~ buruk *lambat-lambatkan, untung-untung datang* ~ baik prb Mn pekerjaan baik (spt pekerjaan kahwin) hendaklah disegerakan melakukannya supaya tidak ada apa-apa halangan (sebaliknya pekerjaan yg tidak baik hendaklah ditangguhkan supaya dapat difikirkan dgn lebih teliti);

sepekerjaan sama (sejenis) pekerjaannya, sekerja;

berpekerjaan mempunyai pekerjaan (pencarian); *tidak* ~ a) tidak mempunyai pekerjaan: *banyak anak muda yg telah tamat persekolahan berkeliaran tidak* ~; b) tidak berkepentingan;

pengerjaan perihal (perbuatan, usaha, dsb) mengerjakan atau membuat sesuatu, cara (proses) melakukan sesuatu, pengolahan; ~ *minyak* pengolahan minyak; ~ *utama* Id perihal mengerjakan hitungan yg menjadi sendi atau asas segala hitungan (spt menambah, mengurangi, membahagi, dan memperbanyak);

pekerja orang yg bekerja (lazimnya utk mendapat bayaran atau memperoleh pendapatan), orang yg memegang sesuatu jawatan (dlm perkhidmatan awam atau swasta): *beberapa orang* ~ *telah diberhentikan perkhidmatan mereka oleh syarikat itu*; *badan* ~ Id jawatankuasa (panitia) yg terdiri drpd beberapa ahli (pertubuhan dll) yg bertanggungjawab terhadap kerja sehari-hari;

~ *bulanan (harian, mingguan)* pekerja yg menerima bayaran tiap-tiap bulan (hari, minggu); ~ *haram* pekerja (biasanya rakyat negara asing) yg bekerja tanpa mendapat kebenaran pihak berkuasa yg berkenaan; ~ *hukuman* orang yg terpaksa bekerja kerana menjalani hukuman; ~ *kabel* orang yg kerjanya memasang atau membaiki kerosakan kabel; ~ *lapangan* orang yg membantu penyelidik, pakar

dsb melakukan kerja lapangan; ~ *lepas* pekerja yg tidak tetap; ~ *rencam* pekerja yg membuat berbagai-bagai kerja kecil;

pengerja orang yg mengerjakan atau mengusahakan sesuatu: *orang kaya spt tuan tanah benar-benar berpengaruh ke atas penyewa atau ~ tanah mereka.*

kerjang I; mengerjang menendangkan kaki ketika dlm keadaan terbaring (spt orang yg sedang berenang).

kerjang II; emas ~; kerajang.

kerjantara ark usaha mempertemukan orang yg mencari pekerjaan dgn orang yg mencari tenaga kerja (iaitu antara bakal pekerja dgn bakal majikan).

kerjap kedip (mata), kelip;

mengerjapkan; ~ *mata* mengelipkan mata, mengedipkan mata, mengejapkan mata;

mengerjap-ngerjapkan; ~ *mata* mengelip-ngelipkan mata, mengedip-ngedipkan mata, mengejap-ngejapkan mata.

kerjasama 1. kerja (usaha dsb) bersama-sama atau saling membantu (antara dua atau beberapa pihak), gotong-royong: ~ *antara semua pihak yg terlibat amat perlu utk menjayakan projek ini;* **2.** sumbangan pelbagai rupa (bersifat bantuan tenaga, sokongan, persefahaman, dll) dr satu pihak kpd pihak yg lain utk faedah bersama: *jabatan itu dapat bergerak dgn licin hanya jika ada ~ dr pihak orang ramai; seseorang ketua memerlukan ~ drpd orang-orang bawahannya supaya segala yg diselenggarakan berhasil;* *syarikat* ~ syarikat yg dikendalikan bersama oleh ahli-ahlinya (dgn cara saling membantu, menyumbang, dsb) utk faedah bersama;

bekerjasama bekerja (berbuat sesuatu) bersama-sama atau dgn cara saling membantu (menyumbang dsb), bergotong-royong: *mereka tidak dapat membuat satu-satu kerja dgn sempurna kalau tidak dgn ~.*

kerjaya 1. perjalanan atau kemajuan seseorang dlm sesuatu lapangan kehidupan: ~ *Churchill sbg ahli politik*; 2. profesion atau pekerjaan yg dipilih sbg cara mencari nafkah.

kerjung Kl; **mengerjung** memberkas, mengikat, memegang supaya tidak dapat lari (bergerak dsb).

kerkah; **mengerkah** menggigit (mengunyah, memakan) sesuatu yg keras: *kepalanya pecah dikerkah harimau; dikerkah dia menampar pipi, dibakar dia melilit puntung prb selalu hendak membalas perbuatan jahat orang*;

pengerkah; *gigi* ~ gigi utk mengerkah.

kerkak bunyi spt bunyi barang keras digigit atau dikunyah, kerkup.

kerkap I □ □ **kerkah, kerkak.**

kerkap II □ □ **kerakap** I.

kerkau; **mengerkau** mencengkam (mencengkeram) atau menggaruk dgn kuku yg panjang, mencengkam atau mencakar;

terkerkau kejang atau kerekot jarinya (spt cakar ayam).

kerkeling □ □ **kelakkeling.**

kerki = *tingkap* ~ sj tabir yg dipasang pd tingkap usungan atau kenderaan.

kerkop IB bp perkuburan orang Eropah.

kerkuh □ □ **kerukup.**

kerkuk Kl, Tr sj tumbuhan (pokok), ceri, kerkup siam, *Muntingia calabura.*

kerkum sl kerani besar.

kerkup I bunyi spt bunyi barang keras digigit, □kerkak.

kerkup II; ~ *siam* sj tumbuhan, ker kuk, ceri, *Muntingia calabura*.

kerlap I; berkerlapan, mengerlap bercahaya gemerlap (spt intan dll), bergemerlapan, berkilauan, mengilat: *terlalu gemerlap sinarnya, ~ rupanya, cahaya kandil dan pelita itu mengerlap spt bintang di langit.*

kerlap II; terkerlap tertidur seketika, terlena sebentar.

kerlap III; terkerlap tergeliat, terpelecok, terpiuh (pergelangan tangan dll).

kerlik sj tumbuhan (pokok) dlm famili Hamamelidaceae, keruntum, *Rhodoleia championii*.

kerling I = kerlingan pandangan mata ke kanan atau ke kiri (dgn tidak menggerakkan kepala), jelingan: *setiap kerlingan gadis itu mendebarkan hatinya;*

mengerling memandangi ke kanan atau ke kiri (dgn tidak menggerakkan kepala), menjeling: *pelayan itu ~ dgn ekor mata yg tajam.*

kerling II; mengerling mengerlap, gemerlap.

kerlip I kedip, kejam (bkn mata, lampu, dll);

sekerlip; ~ *mata* sekejap mata;

berkerlip = mengerlip berkedip-kedip, berkelip-kelip (bkn mata, lampu, bintang, dll): *di langit tiada bulan yg mengambang dan tiada bintang yg ~;*

kerlipan perihal mengerlip, kedipan: *tompok-tompok awan putih menutup ~ bintang; □□□kerlip I.*

kerlip II bp jatuh cinta.

kerluk Kl, Tr termasuk ke dalam (spt kepala kura-kura), terperosok.

kerlung Kl memikirkan kepentingan diri sendiri sahaja, tamak.

kerma □□**kerama**.

kermah sj siput, *Oliva nobilis (subulata)*.

kerman sj tumbuhan (pokok), cemana, cerek putih, *Micromelon minutum*.

kermanici IB sj lauk yg dibuat drpd daging lembu atau babi.

kermi I = *cacing* ~ cacing kerawit;

kermian = *sakit* ~ Jk sj penyakit yg disebabkan oleh banyak cacing kermi dlm perut.

kermi II sj tumbuhan (rumpai), kermak, *Alternanthera triandra (sessilis)*.

kernai; mengernai mencencang, menyayat-nyayat (daging dll).

kernam □□**kerenam**.

kernap; padi ~; □□□**padi I**.

kernet (kernét) Id, bp pembantu pemandu kenderaan (spt lori dll), kelindan; □□□**kornet I**.

kernu ark sl sj bekas drpd tanduk tempat ditaruh ubat bedil.

kernyam; mengernyam 1. tidak tetap duduknya, gelisah, lincah; **2.** bp bernafsu, gatal (bkn perempuan).

kernyat; ~-kernyut berbunyi spt bunyi engsel pintu yg dibuka atau ditutup, berbunyi keriat-keriut.

kernyau bunyi spt bunyi orang mengunyah timun dll.

kernyih seringai, kerising;

mengernyih menyeringai, tersengih: *Manap ~ lagi menampakkan giginya;*

terkernyih mengernyih, tersengih.

kernying; mengernying menampakkan gigi (kerana marah), menengking.

kernyit berkerut dahi atau alis (kening);

mengernyit mengerutkan dahi atau alis (kening);

mengernyitkan; ~ *alis* mengerutkan kening, mengernyit.

kernyut I kedut, kerut;

berkernyut, berkernyutan berkedut, berkerut (kulit dll);

mengernyutkan mengernyitkan, mengerutkan (alis dll).

kernyut II; berkernyut berdenyut(-denyut).

kernyut III bunyi spt bunyi gigi bergeseran.

kero (kéro) I Id; *tempat tidur* ~ tempat tidur yg dibuat drpd besi yg bulat panjang.

kero (kéro) II Jw juling: *matanya* ~.

kerobak 1. berlubang-lubang, cabik, carik, koyak; **2.** berparut-parut, bopeng;

~-*kerobek* = ~-*kerabik* = ~-*kerabit* a) cabik-cabik, koyak-koyak; b) berparut-parut, bopeng.

kerobek (kerobék); **mengerobek** mencabik-cabikkan, mengoyak-ngoyak; □□□**kerabit**.

kerobok sj bakul (tempat diisi makanan).

kerocok 1. sj alat bunyi-bunyian spt orok-orok; **2.** bunyi spt bunyi air (cecair) berkocak atau dikocakkan.

kerodak keladak.

keroh (kéroh) tidak jujur, curang, bersembunyi-sembunyi (tidak berterus terang); □□□**kerang**.

keroi sj tumbuhan (pokok), kerohi, rejang, *Lophopetalum pallidum*.

kerok Jw sj sikat (penggaruk) utk membersihkan bulu kuda;

mengerok membersihkan bulu kuda dgn kerok; □□□**keruk I**.

keroket (kerokét) IB sj penganan drpd kentang bercampur daging dll.

kerokot I Jw sj tumbuhan (herba), gelang (pasir), rumput beremi, segan jantan, *Portulaca oleracea*.

kerokot II □ □ □ **kerukut**.

keron IB bp (gambar) mahkota.

keroncang ark kerajang.

keroncong I = berkeroncong, berkeroncongan 1. berbunyi spt bunyi loceng kecil (giring-giring); **2.** berbunyi dlm perut (kerana lapar): *makanan masih belum dihidangkan dan perut masing-masing sudah berkeroncong.*

keroncong II lagu atau irama lagu Melayu (rentak lama);

berkeroncong memperdengarkan (menyanyikan) lagu keroncong: *siapa yg ~ itu? Merdu benar suaranya.*

keroncong III = gelang ~ gelang kaki yg padanya terlekat giring-giring (loceng-loceng kecil): *penari-penari yg memakai gelang ~ sedang menari dgn rancaknya;*

berkeroncong memakai gelang keroncong.

keroncong IV ruang atau kurungan di sebelah dalam bubu (perangkap ikan); *ikan dlm ~ prb sudah tertangkap atau terperangkap (tidak dapat ditolong lagi);*

mengeroncongkan; ~ *bibir* memuncungkan bibir (spt orang sedang mengeluarkan asap rokok yg berkepul-kepul dr mulut).

keroncong V; keroncongan sj tumbuhan (pokok), giring-giring, kacang kayu, kacang sekucuk, orok-orok, *Crotalaria striata*.

keroncor sj ketam jantan yg besar (yg betina disebut belangkas), *Limulus moluccanus*; *spt ~ dgn belangkas* prb sangat mesra atau kasih-mengasihi (bkn persahabatan atau percintaan).

kerong-kerong (kérong-kérong) **1.** sj ikan laut, *Plectorhyncus cuvieri* (*diagramma*); **2.** sj ikan laut, *Therapon jarbua* (*theraps*); *habis*

umpan ~ tak dapat prb usaha (perbuatan) yg mendatangkan kerugian.

kerongkong = **kerongkongan** **1.** saluran pd leher yg melaluinya makanan masuk ke perut: *makanan ditelan masuk ke dlm perut melalui ~*; **2.** halkum, lekum, tenggorok: *belum basah ~ku* belum minum seteguk air pun; *berair ~ku* ada rezeki untukku; *kering ~* menasihati dia puas sudah menasihati dia; □□□ **rongkong I.**

kerongsang sj perhiasan drpd emas dll yg disematkan pd dada baju;

berkerongsang memakai (tersemat dgn) kerongsang: *gigi yg bersumbi emas, baju yg ~ berlian.*

kerongsong □□ **kelongsong.**

kerontang ark; *kering-~* kering-kelontang; □□□ **kering I.**

kerop (kérop) Sb bulu mata palsu: *~ yg lebat, hitam, dan lentik dapat menambahkan kecantikan paras muka seseorang.*

keropak daun lontar yg bertulis (naskhah lama di Jawa dan Bali).

keropas; *~kerapis* a) bermacam-macam barang kecil yg tidak ada nilainya; b) membuat kerja-kerja kecil (yg tidak berapa berguna).

keropeh (keropéh) Kl sisa makanan.

keropeng (keropéng) selaput yg kering pd kudis atau luka;

mengeropeng mengopek keropeng (dr kudis, luka yg sudah kering, dll); **keruping, kuping II.**

keropak I Mn; **sekeropak** sekelompok, setompok.

keropak II Jk keropong, kosong, tidak berisi, kropok.

keropak III 1. sj makanan yg dibuat drpd adonan tepung sagu dgn ikan (udang dll) yg telah dilumatkan dan dihiris nipis-nipis dan dijemur sebelum digoreng berkeping-keping; **2.** hirisan kulit kerbau atau lembu yg dikeringkan dan digoreng.

~ *lekor* sj keropok basah berbentuk torak yg dihiris sebelum digoreng.

keropong Jk kosong, gerohong, tidak berisi.

keropos 1. Jw tidak padu (padat), berongga-rongga; **2.** Id mengembang atau menjadi nipis kerana panas (bkn udara).

kerosang □ □ □ **kerongsang.**

kerosek (kerosék) **I** bunyi spt bunyi beras dikosek.

kerosek (kerosék) **II** Kd Pl cari.

kerosin (kérosin) minyak tanah (yg telah dijernihkan dan digunakan sbg bahan api), minyak gas.

kerosok I bunyi spt bunyi daun kering dipijak;

berkerosok, mengerosok berbunyi spt bunyi daun kering dipijak.

kerosok II; *tembakau* ~ daun tembakau kering.

kerosok III sj ikan laut, *Monocanthus choirocephalus*; ~ *padi* sj ikan laut, *Alutera monoceps (scripta)*.

kerosong kulit ular (yg tanggal dr badan ular yg bertukar kulit), kelongsong, selumur;

mengerosong mengelupas (kulit).

kerosot Kd kusut, kerusut.

kerotok sj loceng drpd kayu (dikenakan pd leher kerbau atau lembu), kerunting.

kerotot berkerut-kerut serta berlubang-lubang atau bergigi-gigi (bkn kikir, kulit limau purut, dll).

keroyok; mengeroyok menyerbu (merempuh, menyerang) beramai-ramai: *ia mendapat luka-luka kerana dlm perebutan barang-barang rombongan itu, ia dikeroyok oleh saingan-saingannya;*

keroyokan rempuhan atau serangan beramai-ramai, serbuan (oleh orang yg tidak sedikit bilangannya), pergaduhan (perkelahian) beramai-ramai;

pengeroyokan perihal atau perbuatan mengeroyok;

pengeroyok orang yg mengeroyok.

kerpai sj bekas utk diisi ubat bedil, kernu.

kerpak 1. bunyi spt bunyi ranting patah; **2.** sj alat drpd buluh yg dibunyikan dgn menarik tali (utk menakutkan burung di sawah).

kerpas bunyi spt bunyi orang atau binatang besar melalui semak-semak.

kerpasan (Geog) hujan, hujan batu, salji dsb yg terhasil drpd pemeluwapan wap air di udara yg jatuh ke permukaan bumi.

kerpik bunyi kayu dll patah (spt bunyi kerpak).

kerpis bunyi seakan-akan kerpas tetapi lebih lembut.

kerpuk bunyi seakan-akan bunyi kerpak.

kerpus I bumbung rumah yg diturap.

kerpus II IB bp rumah kurungan bagi askar;

dikerpus dikurung sbg hukuman (bagi askar).

kersai berderai-derai, tidak lembik melekat (bkn nasi dll), berbutir gembur (tidak berketul-ketul atau bergumpal-gumpal).

kersak bunyi spt bunyi rumput kering dipijak atau daun kering bergeseran.

kersang 1. kering dan tidak subur (bkn tanah); **2.** tegak kaku (bkn rambut);

gersang.

kersani; *besi* ~ sl besi yg baik mutunya (berasal dr Khorasan di Parsi).

kersau Pn keriting.

kersik I pasir kasar, batu kerikil yg halus-halus, gersik; *melekatkan* (*menampalkan*) ~ *ke buluh* prb sesuatu yg dikerjakan dgn bersusah

payah tetapi sia-sia; *spt ~ di pulau* prb terlalu banyak (bkn benda-benda kecil spt buah-buahan yg bertaburan dll).

kersik II bunyi spt bunyi daun kering bergeseran;

berkersik berbunyi spt bunyi daun kering bergeseran;

berkersik-kersik mengeluarkan bunyi atau berbunyi kersik berulang kali.

kersing □ **kereseng**.

kersip kerlip, kedip, kerdip.

kersuk bunyi spt kersak tetapi lebih kuat.

kersul kersang.

kertah sj ketam darat.

kertak bunyi spt bunyi lantai papan dipijak atau bunyi dahan patah; ~-
kertuk berbunyi kertak berkali-kali;

berkertak; ~ *gigi* menggeserkan atau tergeser gigi dgn gigi hingga menyebabkan bunyi kertak-kertuk.

kertang I = **berkertang** kotor disebabkan sesuatu yg melekat: *kainnya ~ kena darah ayam*.

kertang II ark bunyi spt tin kosong dipukul, bunyi tang;

mengertang memukul tin kosong dll (hingga berbunyi tang);

mengertangkan; ~ *perisai* menangkiskan perisai.

kertang III; *ikan* ~ sj ikan laut, *Epinephelus spp.*; □□□ **pertang**.

kertap bunyi spt bunyi barang keras digigit atau daun pintu ditutup; ~-
kertup berbunyi kertap berkali-kali;

berkertap berbunyi kertap: *giginya* ~.

kertas I 1. sj bahan dlm bentuk helaian nipis yg dibuat drpd kayu dll yg padanya sesuatu ditulis, dicetak, dilukis, dll; **2.** sl kad (utk berjudi);

~ *akhbar* kertas yg kasar dan berkualiti rendah, biasanya digunakan utk mencetak akhbar; ~ *bunga* sj kertas nipis dlm pelbagai warna yg permukaannya berkedut-kedut, biasanya digunakan utk membuat bunga dsb; ~ *bungkus* = ~ *pembungkus*; ~ *dinding* kertas (bercorak atau bergambar) yg dilekatkan pd dinding (utk menghiasi bilik dll); ~ *emas* kertas yg berwarna emas dlm kotak pembungkus rokok dll; ~ *embun* (*kembang, lap, pedap, penetap, sap, tekap*) kertas utk mengeringkan tulisan dakwat; ~ *empelas* (*kaca, pasir*) kertas berlapis serbuk kaca atau pasir utk menggosok (melicinkan) kayu dll; ~ *graf* kertas yg bergaris berpetak-petak empat segi (digunakan utk melukis graf atau rajah); ~ *jeluang* kertas drpd kulit kayu; ~ *karbon* kertas nipis yg sebelah permukaannya disaluti bahan karbon dan digunakan utk membuat salinan tulisan atau taipan; ~ *kerja* makalah bertulis yg mengandungi perbincangan mengenai sesuatu persoalan dan cadangan-cadangan tertentu (dibentangkan utk perbahasan); ~ *khbar* ark surat khabar; ~ *krep* kertas bunga; ~ *kulit* kulit yg ditulisi; ~ *lilin* sj kertas yg dilapisi selaput lilin supaya kalis air, biasanya digunakan utk membungkus makanan; ~ *litmus* kertas yg digunakan utk menguji asid atau alkali; ~ *lukis* kertas utk dilukis; ~ *minyak* = ~ *telur* kertas yg nipis licin (tidak mudah diresap oleh air atau minyak); ~ *pembungkus* kertas yg digunakan utk membungkus barang; ~ *pendua* kertas utk dihasilkan beberapa banyak salinan sesuatu yg telah ditaip pd stensil; ~ *peperiksaan* a) kertas yg mengandungi soalan sesuatu mata pelajaran; b) kertas jawapan oleh calon peperiksaan dlm mata pelajaran tertentu; ~ *positif* kertas gambar foto; ~ *putih* naskhah (dikeluarkan oleh kerajaan) yg mengandungi maklumat (laporan dsb) bkn perkara tertentu (biasanya

yg ada hubungannya dgn kepentingan orang ramai); ~ *rokok* kertas utk menggulung rokok; ~ *saring* = ~ *turas* kertas tapisan (utk menapis barang cair); ~ *surih* kertas yg nipis, licin, dan hening (digunakan utk menyalin peta dll); ~ *taip* kertas utk ditaip sesuatu padanya; ~ *tisu* kertas lembut dan nipis yg digunakan utk mengelap muka dll; ~ *tulis* kertas surat (kertas kosong utk ditulisi); ~ *undi* kertas yg disediakan utk seseorang mengundi dlm sesuatu pemilihan (pilihan raya dsb); *bunga* ~ a) bunga yg dibuat drpd kertas (utk perhiasan); b) sj pohon bunga; *ibarat dakwat dgn ~, bila boleh renggang terlepas* prb sangat sesuai (berkasih-kasih) antara satu sama lain;

mengertas; *kertas*-~ ark perca (cabikan, sobek-sobekan) kertas, berbagai-bagai kertas (yg tidak ada gunanya lagi).

kertas II bunyi spt kertas diramas-ramas (direnjuk-renjuk), *kertus*.

kertas III; *bunga* ~ sj pokok bunga (warna bunganya merah, kuning, dll), *Bougainvillea spp.*

kertatuk 1. sj ikan laut, *kertang*, *Ichthyoscopus lebeck (inermis)*, *Uranoscopus lebeck*; **2.** sj ikan laut, *Batrachus gangena*.

kertau sj tumbuhan (pokok dan buahnya, yg daunnya dijadikan makanan ulat sutera), be(be)saran, tut, *Morus alba (indica)*.

kertik bunyi spt bunyi ranting kering dipijak (atau patah dipijak), bunyi detik jam.

kerting bunyi spt bunyi wang logam (duit syiling) jatuh ke batu.

kertip bunyi yg lebih lemah drpd kertap.

kertuk 1. bunyi spt bunyi mengetuk dll; **2.** sj loceng kayu (digantungkan pd leher lembu atau kerbau), kelentung(an), kerunting; **3.** sj alat bunyi-bunyian yg dibuat drpd buluh dan tempurung.

kertung; *rotan* ~ sj tumbuhan (rotan), rotan cincin, rotan semang, *Daemonorhops grandis*.

kertup = ~-*kertap* bunyi spt bunyi orang menutup pintu dan tingkap rumah (seakan-akan kertap); ~-*kertip* bunyi ketukan yg tidak kuat.

kertus I tabung kecil drpd tembaga dll yg mengandungi ubat bedil dan peluru, paterum; *uncang* ~ sj pundi-pundi tempat menyimpan kertus (paterum).

kertus II 1. bunyi spt bunyi kertas diramas-ramas atau direnyuk-renyuk, kertas; **2.** bunyi daun kering bergeseran.

keruan ketahuan, tentu; ~ *sahaja* bp tentu sahaja; *belum* ~ belum dapat ditentukan (dipastikan), belum ketahuan (diketahui); *sudah* ~ *tempatny*a sudah ketahuan (diketahui) tempatnya; *tidak (tak)* ~ a) tidak berketentuan (beraturan), tidak tentu hujung pangkalnya, kacau, tidak tenteram atau tidak tenang (bkn fikiran, perasaan), tidak jelas (bkn percakapan dll): *hati kakang tidak lagi ~ bagi orang mabuk cendawan*; b) amat sangat, bukan kepalang, tidak dapat dikawal: *panas hatinya di dlm membakar tidak ~; hatinya cemburu, cemburu tak ~*;

ketidakkeruanan keadaan tidak keruan; keadaan tidak tentu arah: ~ *hidup manusia*.

kerubian, kerubin suatu golongan malaikat.

kerubung I; berkerubung berkerumun;

mengerubungi mengerumuni, mengerubuti, menghurungi (bkn agas, lalat, dll): *bangkai kucing itu dikerubungi lalat*.

kerubung II Kd, Pr sj bekas tempat menyimpan padi (dibuat drpd tikar dan buluh).

kerubung III; ~ *padi* sj tumbuhan (rumpun), rumput mentebung, rumput pahit, rumput rotan beras, *Cyrtococcum oxyphyllum*.

kerubut I; ~ *emas* (Sej) kedatangan atau perpindahan orang secara beramai-ramai ke kawasan atau daerah lombong emas yg baru ditemui;

mengerubuti Jk mendatangi beramai-ramai utk melihat (menyaksikan dll), mengerumuni;

kerubut II 1. sj tumbuhan (pokok kecil), bunga semubut, geroboh, se(m)burut, telinga kelawar, *Thottea grandiflora*; **2.** Id sj tumbuhan (benalu), *Rafflesia arnoldi*.

kerucut 1. sj pembungkus atau kelongsong (drpd kertas, daun, dll) yg runjung bentuknya, digunakan utk mengisi kacang goreng dll; **2.** kon;

mengerucut 1. berbentuk spt kerucut (makin ke atas makin tirus), merunjung; **2.** menguncup.

kerudung 1. tudung (kepala, muka), cadar (penutup kepala, muka), kain tudung kepala (muka): *sambil membetul-betulkan belitan ~nya, ibu meredakan ketegangan*; **2.** tudung lampu, terendak (lampu);

mengerudungi menutup (kepala, muka) dgn kerudung, menudungi (kepala, lampu), membubuh terendak pd (lampu): ~ *kepala*; ~ *lampu*.

kerudut berkerut-kerut serta berlubang-lubang halus, kerotot.

keruh I 1. tidak jernih (kerana mengandungi kotoran spt keladak, lumpur, dll), agak kotor (bkn air): *lumpur dr lombong bijih itu menjadikan air sungai itu ~*; **2.** tidak menyenangkan atau menggembirakan (bkn kejadian, peristiwa, suasana, dsb), tidak cerah (bkn keadaan cuaca dll), agak muram (bkn air muka), agak kacau (kusut) atau tidak

keruan (bkn perasaan dsb), tidak sopan atau tertib (bkn kata-kata dsb): *Bidin terkenangkan peristiwa-peristiwa ~ yg telah berlaku pd dirinya; cuaca cerah dan udara tenang telah berubah menjadi ~ dan malap; air muka yg ~ dan sedih; bahasanya ~ bahasanya tidak sopan (tertib); jejaknya ~ Mn asal keturunannya atau perbuatannya yg sudah-sudah kurang baik; ~~~ kerak keruh sedikit (bkn air); buang yg ~ ambil yg jernih prb lupakan perkara atau peristiwa yg tidak baik dan ambil (ingatkan) yg baik-baik sahaja;*

mengeruh menjadi keruh (tidak jernih, tidak cerah, tidak menyenangkan, dll);

mengeruhkan menjadikan atau menyebabkan keruh (tidak jernih, tidak cerah, tidak menyenangkan, dll): *gas karbon dioksida boleh ~ air kapur; pertelingkahan mengenai calon pilihan raya ini akan ~ suasana dlm parti;*

kekeruhan keadaan atau sifat keruh, keadaan tidak jernih (tidak menyenangkan dll): *ada sesuatu ~ dlm suasana rumah tangga Zarina; ~ air itu disebabkan oleh kotoran yg terkandung di dlmnya; ~ air mukanya menunjukkan ada sesuatu yg kurang baik telah berlaku.*

keruh II dengkur, dengus;

berkeruh, mengeruh berdengkur, mendengus: *malam itu Bujal tidur dgn nyenyaknya sambil mengeruh keras.*

keruh III; ~ bumi sl sj ukuran jarak jauh (kira-kira dua hingga tiga batu atau tiga hingga lima kilometer): *kira-kira empat ~ bumi jauhnya berjalan, datanglah pd suatu sungai.*

keruh IV; *daun ~ sj tumbuhan (palma), daun lat, daun payung, daun sang, daun sar, daun segala, daun selebar, Teysmannia altifrons.*

keruh-keruh sj agas.

keruing sj tumbuhan (pokok), resak putih, *Vatica scortechinii*;

~ *bulu* = ~ *cair* = ~ *pekat* sj tumbuhan (pokok), gombang, pokok damar obor, *Dipterocarpus baudii*; ~ *cair* = ~ *dadih* = ~ *gombang* = ~ *keluang* = ~ *pekat* = ~ *suji* sj tumbuhan (pokok), *Dipterocarpus cornutus*; ~ *pekat* sj tumbuhan (pokok) *Dipterocarpus costulatus*; ~ *buluh* = ~ *balai* = ~ *cair* = ~ *gombang* = ~ *mempelas* sj tumbuhan (pokok), *Dipterocarpus crinitus*; ~ *beku* = ~ *didih* = ~ *gombang* = ~ *pekat* sj tumbuhan (pokok), meranti sabut, resak, *Vatica perakensis*.

keruit I; berkeruit-keruit bergerak-gerak hujungnya (cacing, ekor binatang, dll);

mengeruit berkeruit-keruit, menguit-nguit.

keruit II; cacing ~ cacing kerawit.

keruk I bunyi spt bunyi menggaruk (mengikis, mengerik, dsb); *kapal* ~ kapal korek;

mengeruk 1. menggaruk atau mengerik dgn kuat (dgn tangan, penggaruk, dsb) utk mengambil sesuatu, mengikis, mengerik: ~ *tanah dgn tempurung*; ~ *kerak nasi dgn senduk*; **2.** mengorek, menggali, mengeduk: ~ *lumpur*; **3.** menggaruk dgn tangan; **4.** menyelukkan tangan (memasukkan tangan ke dalam);

mengerukkan; ~ *tangan* a) membuat tangan mengeruk (mengerik, mengorek) sesuatu; b) menyelukkan tangan;

terkeruk-keruk tergaru-garu, tergaruk-garuk (kerana berasa gatal dsb): *dia* ~ *kerana terkena miang rebung*;

pengerukan 1. perihal (perbuatan) mengeruk; **2.** pengorekan.

keruk-keruk sj agas, keruh-keruh.

kerukup sj tumbuhan (pokok), kerekup, kelukub, kerkuh, akar temberak,
Flacourtia jangomas.

kerukut = **mengerukut** bengkok-bengkok (bkn jari), kerekot, kokot (jari), mengerut (bkn kaki atau tangan), tidak rata atau licin (spt daun kering), renyuk, berkedut-kedut;

mengerukutkan menjadikan kerukut (mengerukut), mengerutkan.

kerul ikal, mengombak-ombak (rambut);

berkerul 1. menyikat atau membuat rambut supaya ikal (mengombak-ombak); 2. menyikat rambut rapi-rapi (supaya dirinya kelihatan lebih kacak): *orang-orang yg ~ dan tidak memakai songkok bukan tempatnya di rumah ini*.

keruma Jk kuman (pd kudis dll).

kerumit; mengerumit menggigit atau memakan sedikit-sedikit (bkn arnab, tikus, tupai, dll), mengunggis, mengerip;

terkerumit-kerumit terdemut-demut, terkemut-kemut (ketika bekerja, berjalan, dll), lambat-lambat: *berjalan ~*.

kerumuk Mn; **berkerumuk** gumal (bkn pakaian, kertas, dll), renyuk, peronyok, kumal;

mengerumukkan merenyukkan, menggumalkan: *dgn marah, surat itu dikerumukkannya*.

kerumun; berkerumun berkumpul atau berhimpun beramai-ramai atau banyak-banyak (berhampiran atau di sekeliling seseorang atau sesuatu), berkerubung: *anak-anak muda datang ~ spt semut mendatangi gula; lalat yg ~ di tempat yg kotor*;

mengerumuni datang beramai-ramai (banyak-banyak) mengelilingi seseorang atau sesuatu, mengerubungi: *setibanya di rumah, dia dikerumuni anak-anaknya; semut ~ gula*;

mengerumunkan = **memperkerumunkan** ark mengerumuni: *maka dikerumunkanlah oleh perahu-perahu Siak itu;*

kerumunan kumpulan orang yg berkerumun: *dlm beberapa saat itu, aku hilang dlm ~ mereka.*

kerumus ark; **mengerumus** memeluk dan mencium.

kerun IB bp (gambar) mahkota; **keron**.

kerunas Kd kopek (cubit dll) sedikit-sedikit (spt orang mencubit kuih atau mengeropeng kudis);

mengerunas mengopek sedikit-sedikit: *Midun asyik ~ sesuatu dgn jarinya yg tidak berkuku di meja itu tanpa mempedulikan cakapku.*

kerung I lekuk (pd senduk, barang yg melengkung dll), lubang yg bulat panjang pd sesuatu benda.

kerung II = *~-kerang* bunyi spt bunyi pinggan mangkuk berhantukan dgn kuat atau barang keras digoncangkan di dlm tin.

kerungan sj ikan laut, *Megalaspis cordyla*.

keruntang; *~-pungkang* ark kacau-bilau.

kerunting ark sj loceng drpd kayu yg digantungkan pd leher kerbau, kertuk, kelentung.

keruntul bergantung banyak-banyak atau bergugus-gugus (bkn buah-buahan), kerintil.

keruntum 1. sj tumbuhan (pokok), pasir lingga, *Tristania maingayi*; **2.** sj tumbuhan (pokok), pelawan, seluncur, *Tristania subauriculata*.

keruntung 1. tabung(an); **2.** Mn sj bakul yg dianyam dan diberi bertali (utk menyimpan ikan);

mengeruntungkan memasukkan ke dlm keruntung.

kerunyut Mn kedut, kerut;

berkerunyut berkedut(-kedut), kerepot, lisut (bkn kulit);

mengerunyutkan merenungkan: *dia ~ akhbar di tangannya;*

terkerunyut gumal (bkn kain dll), renyuk, berkedut(-kedut);

kerunyutan keadaan kerunyut, kekedutan: *tulang tua yg hanya dibaluti oleh kulit-kulit yg lembik, kendur penuh ~.*

kerup bunyi spt bunyi orang mengunyah makanan yg garing (spt keropok dll); **kerap II.**

keruping selaput kering pd kudis atau luka, keropeng;

pengerupingan pembentukan keruping kudis pd luka.

kerusi 1. sj tempat duduk yg ada kaki dan tempat bersandar (dan biasanya juga tempat meletakkan tangan); **2.** ki kedudukan (dlm persidangan, Parlimen, dll), jawatan: *parti pembangkang mendapat beberapa buah ~ dlm Majlis-Majlis Undangan Negeri; Malaysia telah melantik wakilnya utk menduduki ~ dlm Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu; berebut ~ berebut (menerusi pilihan raya dll) utk mendapat kedudukan dlm Parlimen (majlis undangan, persidangan, dll); 3. (Eko) keahlian seseorang atau organisasi dlm sesuatu bursa saham;*

~ anjal sj kerusi yg dapat melentingkan juruterbang keluar dr pesawat ketika kecemasan; *~ elektrik* kerusi bercas elektrik tempat penjenayah menjalani hukuman mati; *~ goyang* kerusi yg boleh bergoyang-goyang apabila diduduki orang; *~ lenting* kerusi anjal; *~ malas* kerusi yg menganjur panjang (utk berbaring); *~ panas* ki a) kedudukan seseorang dlm sesuatu jawatan tertinggi yg memerlukan seseorang itu memikul tanggungjawab yg berat, berisiko tinggi serta perlu membuat keputusan dan tindakan dgn segera; b) jawatan atau kedudukan tertinggi dlm sesuatu persatuan, pertubuhan, pertandingan dll yg menjadi rebutan atau selalu bertukar ganti penjawatnya: *~ panas*

pengurus skuad badminton negara; ~ *panjang* kerusi yg panjang (digunakan sbg pembaringan atau tempat duduk bagi dua atau tiga orang); ~ *rehat* = ~ *seti* kerusi atau tempat duduk panjang (utk dua atau tiga orang); ~ *roda* sj kerusi beroda utk kegunaan orang cacat anggota atau orang sakit; ~ *serang* (Marin) sj kerusi kayu yg digunakan utk menurunkan atau menaikkan pekerja ketika menyenggara atau mengecat kapal; ~ *tangan* kerusi yg mempunyai pemegang di sisinya (utk meletakkan tangan); ~ *urut* kerusi yg direka bentuk khas utk mengurut bahagian tertentu badan secara getaran;

mempengerusikan 1. menjadi atau berlaku sbg ketua persidangan (perhimpunan, mesyuarat, dsb), memimpin, atau mengendalikan mesyuarat dsb (supaya segala perbincangan dan urusan berjalan dgn licin dan teratur): *Perdana Menteri membuat pengumuman demikian sejurus setelah ~ sidang mingguan kabinet*; **2.** mengetuai dan memimpin (pertubuhan, suruhanjaya, jawatankuasa, dll): *Suruhanjaya ini di pengerusikan oleh Hakim Besar*;

pengerusi 1. ketua atau pengendali persidangan (mesyuarat dsb): *Perdana Menteri menjadi ~ mesyuarat Jemaah Menteri*; **2.** pemimpin atau ketua jawatankuasa (pertubuhan dll): ~ *Lembaga Pengarah*.

kerusut Kd, Pn kusut;

berkerusut dlm keadaan kusut.

kerut I 1. lipatan (pd kulit dll), kedut (pd kulit di dahi dll), gelembur: *wajahnya membayangkan kesedihan dan di dahinya penuh ~*; **2.** Mn keriting, ikal (rambut);

~ *kering* sangat kering serta lisut; ~-*merut* a) banyak kerutnya; b) kusut (fikiran), kacau, dan bingung (fikiran, hati); c) banyak dustanya (bkn kata-kata);

berkerut, berkerut-kerut, terkerut 1. tidak licin atau rata (bkn kulit dll), berkedut, bergelembur (bkn kulit dll): *lehernya dan dahinya sudah mulai ~ ; keningnya kelihatan berkerut-kerut spt orang yg sedang mengingatkan sesuatu; ~ seribu* banyak kerut, berkedut-kedut; **2.** Mn keriting, ikal: *rambut yg berkerut(-kerut);*

mengerut 1. menjadi berkerut (bkn kulit): *kulitnya mulai ~;* **2.** menjadi bertambah kecil (pendek dll), mengecut (otot dll);

mengerutkan 1. mengedutkan (kening atau dahi), menggelemburkan (kulit dll): *orang-orang yg disoal polis kelihatan ~ kening seolah-olah memikir-mikir sesuatu;* **2.** mengecutkan, memendekkan (sesuatu yg boleh memanjang memendek spt otot dll);

kerutan perihal (keadaan) berkerut-kerut, kedutan, lipatan (pd kulit): *masih muda perempuan itu tetapi telah kelihatan beberapa ~ di dahinya.*

kerut II bunyi spt bunyi menggoreskan sesuatu yg tajam pd benda keras.

kerut (kérut); *kerang-~*; □ □ □ **kerang.**

kerutak Mn ark; **mengerutak** menggigit (mengunyah) benda keras (spt tulang dll), mengerkah.

kerutis; mengerutis Kl, Tr mengopek (mencubit, memecahkan) sesuatu sedikit-sedikit: ~ *kuih*; ~ *keruping kudis.*

kerutu tidak halus dan licin (spt kulit katak dll), kasap;

mengerutu menjadi kasap atau kesat (kulit dll); □ □ □ **gerutu I.**

kerutuk Kl, Tr sj masakan yg dibuat drpd daging ayam bercampur rempah dan dimasak hingga kental (rupanya spt rendang).

kerutung; mengerutungi mengerumuni, mengerubungi: *ditunjukkan kemarahannya kpd orang ramai yg ~nya.*

kerutup I bunyi spt bunyi bertih digoreng atau daun basah dibakar.

kerutup II; mengerutup Kd, Pn **1.** memakan beramai-ramai hingga habis; **2.** mengerumuni (mengerubungi) utk menyerang atau memukul.

kerutus □ □ □ **kerutup I.**

kerutut I □ □ □ **kerotot.**

kerutut II sj tumbuhan (pokok renek), akar peleh angin, akar pelir kambing, kedondong bulan, meroyan kabut, *Chailletia (Dichapetalum) griffithii.*

keruyuk Jk; **berkeruyuk** berkokok.

keruyup Kd, Pn □ kuyup.

kes (kés) I 1. perkara, hal, kejadian: ~ *rompakan itu akan dibawa ke mahkamah rendah; beberapa ~ penyakit itu telah didapati dlm kawasan ibu kota; 2.* (Udg) prosiding di mahkamah yg melibatkan persoalan undang-undang dan ekuiti.

kes (kés) II bp tunai, kontan; *wang ~ wang tunai.*

kesa I ark kesatu, yg pertama.

kesa II Tr tidak enak rasanya (makanan): *kuih yg dibeli di kedai itu ~, sedap lagi yg aku buat.*

kesah = *keluh*~ ternyata atau terlahirnya rasa gelisah (kesal, runsing, dll); **mengesah** melahirkan perasaan gelisah (kesal, tidak tenteram, dll), mengeluh; □ □ □ **keluh.**

kesak; mengesak beralih (berengсот) sedikit-sedikit atau perlahan-lahan, mengesot: ~ *dr duduknya;*

mengesakkan mengengsotkan perlahan-lahan (almari, meja, dll).

kesal = ~ *hati* **1.** berasa kecewa atau tidak senang hati (di atas sesuatu perkara, perbuatan, dll), berasa sebal, berasa jengkel: *penduduk-penduduk di situ ~ kerana tidak ada hospital atau klinik di daerah itu; katanya ia tidak ~ tentang apa yg berlaku ke atas dirinya kerana itu adalah suatu takdir; 2.* perasaan kecewa (sesal, tidak senang hati), perasaan jengkel: *ia mengisahkan dgn ~ tentang perceraian dgn isterinya; mereka berbuat sesuatu dgn tidak berfikir, kemudian timbul pula ~;*

mengesali berasa kesal (tidak senang) akan: *menteri itu ~ sikap setengah-setengah parti pembangkang dlm hal ini; beliau ~ pergaulan bebas pemuda-pemudi;*

mengesalkan menyebabkan berasa kesal (kecewa, tidak senang hati), menimbulkan (membangkitkan) kesal: *hal itu sangat ~ hati mereka berdua;*

kesalan rasa kesal: *raut mukanya yg berkerut-kerut itu menunjukkan ~nya di atas segala-gala yg telah berlaku;*

kekesalan perihal (perasaan) kesal, kekecewaan, kesebalan, kejengkelan: *mereka yg tidak berjaya kembali dgn penuh ~.*

kesam ark; **berkesam** menaruh dendam; □□□**kasam**.

kesambet Jk sakit dll kerana diganggu hantu (orang halus dll); □□□**sambet**.

kesambi sj tumbuhan (pokok), gunciak, guncak, kesumba, kuncur, kuncur putih, sekincak, *Antidesma ghaesembilla*.

kesami sj tumbuhan (pokok kecil), geluicik, keteng, lengketeng, telur cicak, *Myrica farquhariana*.

kesan 1. tanda yg ditinggalkan oleh sesuatu, bekas: *banyak ~ tapak kaki orang di tepi pantai itu; kelihatan ~-~ pahat pd tiang seri rumah itu; terdapat ~-~ jari pd senjata yg digunakan itu;* **2.** sesuatu (sama ada kebaikan atau keburukan) yg timbul drpd sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan, dll), kesudahan (hasil, akibat) drpd sesuatu, efek: *kebersihan akan memberi ~ yg baik kpd perniagaan; penderitaan rakyat adalah ~ besar drpd peperangan yg belum tamat itu;* **3.** pengaruh (pd pemikiran, sikap, watak, dsb) yg timbul akibat drpd menyaksikan (mendengar atau membaca) sesuatu, efek: *~nya terlalu buruk, manusia tidak mempunyai kepercayaan lagi terhadap diri sendiri; puisi dapat memberikan ~ yg mendalam kpd pembaca; ~ balas kegiatan (perbuatan dll) yg timbul kerana didorong oleh sesuatu perbuatan (peristiwa) lain, reaksi, tindak balas; ~ gelombang bekas (jejak) gelombang; ~-~ kilat kesan-kesan sepintas lalu; ~ sampingan kesan yg turut timbul selain drpd kesan utama yg dikehendaki atau yg telah dijangkakan;*

berkesan 1. meninggalkan (menunjukkan) kesan atau bekas, meninggalkan bekas (tanda), berbekas: *beberapa kali ia disebut tetapi sedikit pun tidak ~ pd kulitnya;* **2.** menimbulkan hasil (kesudahan dsb) yg diharapkan, membawa kpd sesuatu perubahan (perkembangan dsb), efektif: *kerajaan akan meneruskan langkah dan tindakan yg ~ utk meninggikan taraf hidup rakyat; pasukan tentera telah melancarkan serangan yg ~ ke atas musuh;* **3.** mendatangkan sesuatu pengaruh kpd pemikiran (sikap, watak, dsb) seseorang atau sesuatu golongan dll (spt mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan, dll), efektif: *kata-kata Mawi pagi tadi masih ~ benar di hatinya;*

keberkesanan perihal berkesan, berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan, dsb): ~ *sesuatu tindakan itu dapat dilihat drpd hasil yg diperoleh sesudahnya; Ujian Pencapaian Sekolah amatlah penting dr segi menilai ~ pengajaran dan pembelajaran KBSR;*

mengesan 1. meninggalkan atau memberi kesan; **2.** mencari-cari (mengikut) dgn berpandukan kesan (bekas, jejak), mengikuti sesuatu yg telah berlaku (dgn fikiran, ingatan, dll), mengekori: *dlm gerakan ~ pasukan keselamatan telah menjumpai satu pasukan pengganas;*

3. = **mengesani** menandakan peredaran (perjalanan) atau kedudukan sesuatu benda (pd kertas dll): ~ *perjalanan kapal angkasa yg baru dilancarkan oleh Amerika Syarikat; peraduan ~ bola yg dianjurkan oleh akhbar itu mendapat sambutan baik drpd pembaca;*

mengesani mengesan sesuatu, menjejaki: *dia sering ~ semula perkembangan hidupnya seterang-terang yg dapat diingatnya;*

mengesankan meninggalkan kesan (bekas, tanda, gores, dll): *berus yg bergetar itu ~ garisan berkelok-kelok di atas kertas;*

memperkesankan menyebabkan berkesan;

terkesan mendapat kesan (setelah memerhatikan, mendengar, dll): *jika berlaku tindakan sekatan minyak, negara-negara pengimport minyak tidak begitu ~.*

pengesanan perihal atau perbuatan mengesan;

pengesan sesuatu (alat dll) utk mengesan.

kesandung Jw tersandung, terserandung.

kesang I; mengesang membuang hingus (dgn terus menghembuskannya keluar dan tidak dgn mengesatnya dgn sapu tangan dsb).

kesang II sj serangga yg merosakkan padi, *Acanthocoris scabrator*.

kesang III Mn kering.

kesangka sj periuk besar drpd tanah liat, belanga besar.

kesangsang Jw tersangkut.

kesap; ~-*kesip* kedip-kedip, kelip-kelip (mata).

kesasar Jw terikut jalan yg salah, salah jalan, tersesat: *kecaman terbuka terhadap kehidupan moden di kota yg ~.*

kesat **1.** tidak licin, kasar (apabila diraba), kering (tidak lembap): *kulitnya yg halus dan segar mulai beransur-ansur ~ dan layu, sebab sentiasa bekerja berat dlm panas*; **2.** ark tidak lembik (bkn tubuh), keras: *tubuhnya ~* ; **3.** yg menyakiti atau menimbulkan kemarahan, keras atau kasar (bkn kata-kata seseorang atau sesuatu perkataan): *kata-kata ~ yg dikeluarkan oleh jirannya itu menghilangkan kesabarannya*;

~ daun pimping, kalau ~ daun labu boleh dicelur prb orang yg miskin serta tidak berilmu tiada berguna di antara orang-orang yg bijak pandai, tetapi kalau baik kelakuannya ada juga faedahnya; *~~~ daun pimping* prb perihal orang yg lazimnya lemah tetapi pd masa-masa yg tertentu berlaku keras juga; *bertunggal ditarah ~ diempelas* prb Mn sudah diselesaikan dgn sempurnanya (perselisihan atau pertelingkahan);

mengesat **1.** menyapu-nyapu atau menggosok supaya kering: *budak itu menggeleng-geleng sambil ~ air matanya; ~ peluh; ~ darah*; **2.** bp menyapu-nyapu (menggosok) kerana membersihkan sesuatu (drpd habuk, kotoran, dll);

pengesat; *~ kaki* sesuatu yg dibuat drpd sabut (getah dll) tempat mengesat kaki; *~ tangan* kain (sapu tangan, kertas, dll) utk mengesat tangan.

kesateria 1. perajurit yg gagah berani; *golongan ~ golongan masyarakat yg terdiri drpd perajurit*; **2.** orang yg gagah berani;

kekesateriaan sifat-sifat kesateria, watak kesateria: *pelajaran juga menyedarkan bangsawan feudal akan kebaikan perasaan belas kasihan dan ~*; **sateria.**

kesed (késéd) Jk = **kesedan**□□□**keset.**

kesek I (késék); **mengesek** menggesek dgn sesuatu benda yg kesat;□□□**gesek.**

kesek II (késék) Tr cacat sebelah mata: *mata dia ~ sejak lahir lagi.*

kesel Jw letih, penat.

keselak Jk tersedak, kesedakan.

keseleo (keseléo), **keseliyo** Jk terseliuh, terpelecok, tergeliat (kaki dll), salah urat.

kesenai sj tumbuhan (pokok renek), mepai, *Ficus rostrata.*

keseng (késéng); **terkeseng-keseng** tersipu-sipu; kemalu-maluan: *ia bangun dr terjatuh itu ~ menghadap orang yg melihatnya.*

kesep (késép) tidak berbiji;□□□**kesip I.**

keser (késér) Kl, Tr; **mengeser** datang dgn perlahan-lahan (lambat-lambat), undur dgn perlahan-lahan; **terkeser-keser** terhegeh-hegeh (berjalan dll).

keset (kesét) Jk = **kesetan** pengesat kaki.

kesian bp kasihan.

kesiap Jk; **terkesiap** terperanjat, terkejut.

kesidang sj tumbuhan (pokok kecil), lenggiang, *Canarium scortechinii.*

kesih; *kesuh-~*;□□□**kesuh.**

kesik; *kesuk-~* = **kesik-kesik**;□□□**kesuk.**

kesima Jk; **terkesima** tercengang, termangu-mangu, hilang akal.

kesimbukan 1. sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kentut, daun sekentut, *Paederia foetida*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Saprosma arboreum*.

kesinan sj tumbuhan (pokok renek), *Ficus quercifolia*.

kesing sj serangga, *Rhyncota sp.*

kesinga sj tumbuhan (pokok), bongkok, gandang, ganding, merpoi, merpuing, mersinga, tengkawa, *Carallia brachiata*.

kesip I tidak berbiji atau terlalu kecil bijinya (bkn buah-buahan);

mengesip menghisap-hisap (buah, gula-gula, dll): *dikesip-kesipnya gula-gula itu kerana hendak menghilangkan rasa pedas di lidahnya.*

kesip II Jk kedip, kelip;

berkesip, berkesip-kesip berkelip(-kelip), berkedip(-kedip): *~ matanya.*

kesiur ark; **berkesiur** berbunyi spt seruling dll, bersiul.

keskul tempurung dll utk diisi makanan (digunakan oleh peminta sedekah), sekul.

kesmak sj tumbuhan (pokok) dan buahnya, *Diospyros kaki*.

kesmaran ark; *edan* ~ sl gila berahi, mabuk cinta.

kesohor Jk termasyhur.

kesomplok Jk **1.** terlanggar, terhantuk, tertumbuk, tersampuk; **2.** kehabisan wang.

kesot (késot); **berkesot, mengesot** bergerak (beralih) dgn menggeserkan atau mengengsotkan punggung, berengsot: *anaknya belum boleh berjalan, baru pandai mengesot; dgn mengesot sedikit anak muda Inggeris itu menghampiri Doris;*

mengesotkan mengalihkan (sesuatu) dgn menyorong atau menariknya sedikit(-sedikit) atau perlahan-lahan, mengengsotkan, menggeserkan; ~ *almari*;

terkesot-kesot bergerak dgn mengesot;

~ *bagai anak tidak diakui* prb kemalu-maluan.

kesting ark kain utk dibuat baju dll.

kestul Id, bp pistol.

kesturi I sj benda yg harum baunya (diperoleh dr musang jebat), jebat; *musang* ~ sj musang yg menghasilkan kesturi, musang jebat (rase); *tikus* ~ tikus yg kecil dan berbau; ~ *mati kerana baunya* prb perihal orang yg ditimpa bencana (kecelakaan) kerana perbuatannya (perkataannya) atau kerana menunjukkan kelebihannya.

kesturi II; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), *Arachnis flosaeris* (*moschifera*); *kuay* ~ sj tumbuhan (pokok yg harum kayunya), *Juniperus chinensis*; *kayu* ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), cemperi ayam (batu hitam), kayu garang jantan, kayu menghilang api, kayu serendah, kayu meresek hitam, sebasah paya, *Gomphandra lanceolata*; *limau* ~ sj limau kecil, *Citrus microcarpa*.

kesturi III; *burung* ~ sj burung spt burung bayan atau serindit.

kesu; ~-*kesi* bunyi spt bunyi orang berbisik(-bisik), kesuk-kesik, kesik-kesik.

kesuari sj burung yg besar, *Casuarius galeatus*.

kesuh; ~-*kesih* termengah-mengah, terengah-engah.

kesuk; ~-*kesik* bunyi spt bunyi daun-daun bergeseran ditiup angin, bunyi orang berbisik-bisik.

kesum 1. sj tumbuhan (pokok renek), jarak belanda, kesumba keling, kunyit jawa, *Bixa orellana*; **2.** sj tumbuhan (herba yg daunnya dibuat

ubat), *Polygonum minus*; **3.** sj tumbuhan (herba), kelima paya, *Polygonum pubescens*.

kesuma 1. sl bunga; **2.** perempuan cantik yg elok (molek, rupawan); **3.** bangsawan;

~ *bangsa* ki pemuda dan pemudi (dlm sesuatu bangsa).

kesumat permusuhan, kebencian; *dendam (dan)* ~ dendam dan kebencian: *timbul hiba dlm hatinya, ganti drpd dendam dan ~.*

kesumba I 1. sj tumbuhan (pokok yg menghasilkan cat atau pencelup merah), *Carthamus tinctorius*; **2.** = merah ~ merah tua: *berbaju ~ berkancing dan berdestar pelangi; nyiur ~ nyiur yg berwarna merah tua;*

~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), berbelak, menarung gajah, *Trichospermum kurzii*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), cendarah hantu, julung jantan (putih), kayu katu, lengkung, rambai hutan, sengkung, *Ostodes macrophylla*; ~ *keling* sj tumbuhan (pokok kecil), jarak belanda, kesum, kunyit jawa, *Bixa orellana*;

dikesumba dicelup (diwarnai) dgn warna merah (drpd kesumba).

kesumba II 1. sj burung, *Harpactes k. kesumba*; **2.** sj burung, burung gembala rimau, *Harpactes oreskios uniformis*.

kesungai □ **sungai.**

kesup bunyi spt bunyi budak menghisap puting;

mengesup mengucup, menghisap, mencucup.

kesusu Jw tergopoh-gopoh, terburu-buru, tergesa-gesa.

kesut ark; **terkesut-kesut** susah dan ketakutan.

Ket. kep Ketua.

ketaban ark kayu palang pd kemudi sepak (di sisi perahu).

ketagih □ □ **tagih II.**

ketah sl □ □ **kutaha**.

ketai I; berketai–ketai hancur remuk, pecah menjadi kecil-kecil (spt pinggan mangkuk yg jatuh terhempas), robek-robek (bkn kain, dll);

□ □ **kecai**.

ketai II bp kalah paling teruk (dlm permainan pakau).

ketak I bunyi spt bunyi ketukan pd papan; *ketuk-~* bunyi ayam yg baru bertelur;

berketak, berketak-ketak, berketuk-ketak berbunyi ketuk-ketak (bkn ayam yg baru bertelur);

berketak-ketik 1. berbunyi spt bunyi jam; **2.** berdebar-debar (hati).

ketak II 1. kerut atau pelipatan pd kulit; **2.** bahagian serangga dll (spt lipan dll) yg bersekat atau bergelang-gelang rupanya: *badan serangga itu mempunyai ~-~*;

berketak 1. berpelipatan (bkn kulit pd leher dll), berkedut-kedut; **2.** berombak-ombak (bkn rambut), beralun-alun: *Mamat bersiul-siul sambil menyikat rambutnya yg ~-ketak itu*.

ketakung sj tumbuhan (pokok yg boleh dipakai sbg ganti rotan), *Nepenthes ampullaria*.

ketam I tertutup (terkatup) rapat-rapat atau kuat-kuat; ~ *mulut* terkancing mulut, kejang mulut;

mengetam, mengetamkan mengetap, mengatupkan rapat-rapat, mengapit; ~ *bibir (mulut)* mengatupkan bibir (mulut) rapat-rapat;

pengetam sj angkup atau penyepit, cunam.

ketam II; mengetam menuai atau memotong padi dgn ani-ani dll: *kerja menuai atau ~ dijalankan dlm bulan Februari apabila padi sudah masak*;

pengetaman perihal (perbuatan dsb) memotong padi (dgn pengetam), penuaian;

pengetam sj pisau yg tidak berhulu (digunakan utk menuai padi), ani-ani, tuai.

ketam III sj alat utk melicinkan kayu (papan dll); jenis-jenisnya: ~ *betina*, ~ *lidah*, ~ *panjang*, dll;

~ *golek* sj ketam yg digunakan utk melicinkan bahagian tepi dan permukaan kecil kayu yg cembung; ~ *pangkas* sj ketam utk melicinkan hujung kayu secara melintang ira, biasanya sangat berguna utk membuat kerja pertukangan yg kecil; ~ *pelicin* sj ketam yg digunakan utk melicinkan permukaan kayu;

berketam (telah) dilicinkan dgn ketam, diketam: *papan tidak~*;

mengetam melicinkan kayu dgn ketam;

pengetaman 1. kerja mengetam (papan dsb); **2.** tahi ketam, tatal.

ketam IV sj binatang, kulit luarnya keras, berkaki sepuluh dan bersepit, *Cancer spp.*; jenis-jenisnya: ~ *bangkang*, ~ *batu*, ~ *galah*, ~ *kajang*, ~ *padang*, ~ *pasir*, ~ *renjung*, ~ *ukas*, dll; ~ *batu* ki sangat kedekut (bakhil);

~ *menyuruh anaknya berjalan betul* prb orang yg menasihati orang lain tetapi dia sendiri tidak berlaku spt yg dinasihatinya; (*kuat ikan kerana radai*) *kuat burung kerana sayap*, *kuat ~ kerana sepit* prb kuat atau berkuasa kerana sesuatu kelebihannya.

ketambak sj ikan laut, bawal tambak, *Pampus chinensis*.

ketampi; *tumbuk* ~ sj burung, burung hantu, *Ketupa zeylonensis leschenault*.

ketan (beras) pulut, *Oryza sativa*; ~ *seri kaya* Id sj makanan (pulut yg dicampur dgn air gula).

ketang I ark tegang, erat (bkn ikatan tali atau lilitan tali pinggang), ketat atau sempit (bkn pakaian).

ketang II sj ikan laut, kendang, *Scatophagus argus*; ~ lada sj ikan laut, *Siganidae*.

ketang III; ~ tanduk sj tumbuhan (pokok renek), pakau jantan, segombang paya, seriyang putih, setebal paya, susuh ayam, *Kibara cartacea*.

ketap; mengetap, mengetapkan mengatupkan rapat-rapat, merapatkan; ~ bibir (gigi) mengatupkan bibir (gigi) rapat-rapat: *beberapa kali ia menggenggamkan tumbuknya dan mengetap-ngetapkan giginya*.

ketapak tapak, alas, batu alas tiang, dll: *disuruhnya membuat ~ di pintu istana*.

ketapang 1. sj tumbuhan (pokok), bijinya menghasilkan minyak utk dibuat ubat, lingtak, *Terminalia catappa*; **2.** sj tumbuhan (pokok), baru-baru, bebaru laut, *Guertarda speciosa*.

ketapi sj tumbuhan (pokok dan buahnya), kecapi, *Sandoricum nervosum*.

ketapik sj tumbuhan (pokok memanjat), *Ventilago maingayi*.

ketar I; ~ gegar (*kenaling*) Kl gentar, sangat takut;

terketar-ketar menggeletar, gementar (kerana takut dll), menggigil: *dia kelihatan ~ kerana ketakutan*.

ketar II rasa pahit bercampur pedas (spt getir).

ketara nyata, terang kelihatan: *kecurangannya tidak ~ kpd suaminya atau jiran-jirannya*; □ □ **kentara**;

keketaraan perihal (keadaan atau sifat) ketara: *bahan itu mengandungi penyerap cahaya khas utk mengurangkan ~ liang roma dan garis halus pd muka*.

ketarap sj ikan laut, *Callyodon ghobban*.

ketat 1. tidak longgar (bkn tutup pd botol dll), kuat atau erat melekat (menyebabkan susah hendak dicabut atau ditanggalkan), sendat, sempit (bkn pakaian): *ditutupnya botol itu dgn sumbat gabus hingga ~; dlm syarahannya ustaz tersebut telah mengecam hebat pemuda-pemudi Melayu yg suka berpakaian ~*; 2. ki keras dan tidak ada tolak ansur atau kecualinya (bkn peraturan, perintah, dll), tidak boleh diubah atau dipinda (bkn perkataan, perjanjian, dll): *undang-undang dan perintah-perintah yg ~ telah dikenakan dlm masa berlakunya darurat; musuh ~ musuh keras (besar)*; 3. ki teliti dan rapi (bkn kawalan, pengawasan, dsb): *tempat-tempat yg penting dikawal ~ siang dan malam; pintu masuk ke pelabuhan itu dijaga dgn ~ oleh askar-askar yg bersenjata*; 4. ki penuh dgn berbagai-bagai aktiviti, kerja dsb sehingga tiada masa lapang yg terluang (bkn jadual, program dsb): *memang jadual harian saya ~ dan saya lebih banyak menghabiskan waktu di pejabat*;

mengetatkan 1. menjadikan ketat atau erat (ikatan tali dll), mencerut (tali pinggang dll): *skru itu hendaklah diketatkan supaya roda kereta tidak tercabut*; 2. ki menjadikan keras atau sukar (peraturan dll); 3. menjadikan rapi atau teliti (kawalan, pengawasan, dll): *langkah pertama utk mencegah merebaknya penyakit itu ialah ~ penjagaan air minum utk orang ramai*;

memperketat menjadikan lebih ketat (ikatan tali, peraturan, kawalan, dsb): *beliau menggesa supaya syarat-syarat mendapatkan sijil kerakyatan diperketat*;

keketatan perihal (keadaan dsb) ketat: *bahasa Melayu Tinggi ditandai oleh ~ tatabahasa*;

pengetatan perihal (perbuatan) mengetatkan;

pengetat alat utk mengetatkan (menerikkan, mempererat).

ketaton Jw luka, tercedera; *spt banting* ~ mengamuk dgn hebat.

ketawa I □ □ **tawa**.

ketawa II; ~ *udang* sj tumbuhan (pokok) katak (keretak, otak) udang, pauh hutan (pipit), rengas ayam (pasir), sempedu burung, sumpah biawak (tupai), *Buchanania sessifolia*.

ketaya I sj obor (suluh) yg dibuat drpd buluh dan dibubuh damar pd hujungnya (utk dibakar).

ketaya II Mn tali (drpd rotan yg berpilin) yg diikatkan pd leher lembu dll dan pd bom pedati.

ketayap I kopiah (songkok) putih: *Imam Dolah membuka ~nya sambil menggaru kepala*; ~ *cendawan* bahagian atas cendawan (yg mengembang lebar);

berketayap memakai ketayap: *lelaki penjual buah yg ~ putih itu tersenyum hambar*.

ketayap II; *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung gandum yg didadar dan digulung dgn inti di dalamnya.

ketegar; = ~ *hati* tidak mahu menurut kata (nasihat) orang, tegar (keras) hati, keras kepala.

ketek (keték) Jw kera, monyet.

ketek (kéték) I Jk ketiak;

mengetek menggeletek (mengilik-ngilik) ketiak, menggelikan (dgn mengusik-usik ketiak).

ketek (kéték) II Mn kecil.

ketek (kéték) III Tr **1.** kancing, butang baju; **2.** mencuri: *tidak baik ~ hak orang, berdosa!*

ketel Jw **1.** rimbun (pokok), lebat (daun); **2.** padat atau penuh sesak (orang atau penduduk negeri dll).

ketel (ketél) Jk titik (air), titis;

seketel setitik, setitis;

berketel, berketel-ketel bertitik-titik (air mata dll).

ketel (kétél) **1.** sj cerek; **2.** sj kualiti besi (utk memasak nasi dll); **3.** = ~ *kukus* sj tangki (di kapal, di kepala kereta api, dll) tempat memanaskan air bagi mendapatkan wap utk menjalankan enjin.

ketela (ketéla) Kd sj tumbuhan (pokok) dan buahnya, betik, kepaya, *Carica papaya*; ~ *kayu* sj tumbuhan (pokok dan ubinya), ubi kayu, singkung, *Manihot utilissima*; *ubi* ~ keledak, sj tumbuhan (pokok menjalar dan ubinya), *Ipomoea batatas*.

ketemu Jk bertemu, berjumpa, terdapat: *mereka berjanji akan ~ malam itu di kelab*; ~ *akal* diterima akal (masuk akal); *siang ~ siang* siang hingga siang lagi;

mengetemui menemui, menjumpai, mendapatkan: *kedua-dua orang yg dicari itu masih belum diketemui*;

mengetemukan **1.** mengetemui, menemui: *mengapa tidak aku ketemukan kau lebih dahulu*; **2.** menemukan, mendapatkan: *bintang-bintang pun menjadi sasaran penyelidikan, sejak teleskop diketemukan*; **3.** mempertemukan: *Mansur meminta supaya Yusuf dan Yakub diketemukan*;

ketemuan (sesuatu) yg diketemui (didapati): *ini adalah ~ yg paling besar*; □□**temu I.**

keteng (kéténg) ark sj wang tembaga (nilainya kira-kira setengah sen), keping, peser, rini;

seketeng ark setengah duit (sen), sepeser, serini;

mengeteng membeli secara runcit, membeli eceran, membeli dgn berdikit-dikit: *ada wang bolehlah memborong, tiada wang ~ sahaja*;

mengetengi membahagi-bahagi (barang-barang dagangan) utk dijual secara runcit;

mengetengkan menjual runcit-runcit, (eceran), menjual satu-satu atau sedikit-sedikit;

ketengan eceran, runcit-runcit atau sedikit-sedikit (bkn penjualan atau pembelian barang-barang); *harga ~ harga runcit, harga barang yg dijual (dibeli) satu-satu atau sedikit-sedikit*.

ketenggah sj tumbuhan (pokok kecil), kemuning badak, kemuning gajah, kemuning limau, *Memillia caloxylon*.

ketenun Kd sj serangga, mentadak, mentadu, *Mantis religiosa*.

ketepeng (ketépéng) Jw sj tumbuhan (herba), gelenggang kecil (nasi, padang, sayur), *Cassia obtusifolia*; ~ hutan sj tumbuhan (pokok), kacang kota, *Cassia occidentalis*.

ketepil IB alat utk menembakkan (melepaskan) batu kecil, lastik, jepretan.

keteping sj tumbuhan (herba), kemaman, maman jeruk (pantai, putih), *Cleome icosandra (vircosa)*.

keter (ketér) Tr kerinting sedikit (pd rambut, daun pokok yg terbantut): *pokok mempelam yg Pak Man tanam ~. Agaknya tidak dibubuh baja*.

ketereh (ketéréh) Kl, Tr pokok (buah) gajus, *Anacardium occidantale*.

ketering; *cincin ~ cincin* yg permatanya boleh ditanggalkan.

ketes (ketés) Id titis (air dll), titik (air);

mengetesi menitiskan atau menitikkan (air) pd.

ketetel (ketétél) melompat-lompat dan tidak ligat putaran atau pusingannya (gasing); *ekonomi* ~ ekonomi yg tidak stabil atau tidak tetap keadaannya.

keteter (ketétér) Jk **1.** tertinggal jauh di belakang, jauh ketinggalan; **2.** hampir kalah.

keti I sl seratus ribu: *ada dua* ~ rakyat Jawa yg pergi itu;

berketi-keti beratus-ratus ribu.

keti II ark; *anak* ~ sj bola drpd kayu.

keti III Mn; **mengeti** menimbang (berat sesuatu); □□**kati I.**

ketiak I bahagian yg lekuk di antara pangkal lengan dgn badan: *Pak Ali sedang mengepit sehelai kain di bawah ~nya;*

~ *daun* sudut atas antara daun dgn batang tempat daun itu tumbuh atau bercangghah; *di bawah* ~ orang di bawah kekuasaan (perintah) orang; *spt* ~ ular = *berketiak ular* panjang lebar (percakapan, penerangan, dll); *mengembang(kan)* ~ *hamis* prb mempercakapkan keburukan diri atau keluarga sendiri.

ketiak II 1. sj tumbuhan (pokok), jenjagung, limau hutan, melaman, rejang, *Acronychia laurifolia*; **2.** sj tumbuhan (pokok), belangkas hutan, kabuk, *Acronychia porteri*.

ketial ark **1.** sangat ketat atau kuat melekat (tidak mudah tercabut); **2.** susah hendak bergerak (kerana gemuk dll): *tok imam memang ~ orangnya, hendak beralih duduk pun susah.*

ketiap ark sj perahu yg digunakan di sungai.

ketiar bp ikhtiar.

ketiau 1. sj tumbuhan (pokok), getah sundih, melawis, nyatuh balam, nyatuh perca, *Madhuca sericea*; *minyak* ~ minyak yg diperoleh drpd

biji pokok ketiau; **2.** sj tumbuhan (pokok), nyatuh babi (kaku, paya),
Palaquium xanthocymum.

ketiding Mn sj bakul besar drpd rotan (tempat menyimpan beras).

ketik I bunyi spt bunyi jam (mesin taip dll);

jurur ~ Id jurutaip; *mesin* ~ Id mesin taip;

berketik 1. berbunyi spt bunyi mesin taip dll; **2.** Kl bersuara; *tidak* ~ tidak bersuara (kerana takut dll);

mengetik 1. berbunyi spt bunyi jam (mesin taip dll); **2.** menjentik, mengetis, menyentil (dgn jari); **3.** menaip: ~ *surat*;

ketikan hasil mengetik, yg diketik; ~ *jari* ketukan (pukulan) jari (pd papan dll): *mereka menyanyikan lagu itu dgn gelengan kepala dan ~ jari yg menandakan keasyikan*.

ketik II kaki serangga (belalang, cengkerik, dll) yg panjang; **ketis II.**

ketik III Kl; **mengetik 1.** mencuri (benda-benda yg tidak seberapa harganya); **2.** memagut atau menggigit (bkn ular, lipan, dll).

ketika I waktu (yg sangat singkat atau yg tertentu), saat, masa: *apabila sampai ~nya ia pun melahirkan seorang anak lelaki; ada ~nya undang-undang Islam memperlihatkan kaum wanita lebih mulia drpd kaum lelaki; keadaan sunyi senyap utk beberapa ~; sampai pd masa ~nya sampai pd waktunya*;

seketika 1. sesaat, sebentar, sekejap: *kedua-duanya terdiam ~; dgn ~ dgn segera (pd saat itu juga): dgn ~ itu juga datanglah iparnya; 2.* tatkala, (pd) waktu: *fikirannya ~ itu amat kusut; (pd) ~ itu baginda sedang dihadap orang banyak; 3.* sl saat (waktu) yg ada sangkut-pautnya dgn ramalan (perhitungan, penenungan) nasib dll; ~ *lima (empat, tujuh) pembahagian waktu kpd lima (empat, tujuh) bahagian*

dlm penujuman; *melihat (mencari)* ~ melihat kitab ramalan kerana mencari hari (waktu) yg baik;

berketika 1. menjaga waktu (hendak membuat sesuatu), tidak sembarang waktu: *anak gadisnya sudah jarang kelihatan di pasar, sudah ~ benar-benar pergi ke sawah atau ke ladang; dgn tiada ~ dgn tidak berketentuan waktu*; 2. kena (munasabah) pd waktunya: *gurau senda yg tidak ~ itu mungkin membawa kpd perselisihan.*

ketika II; *bintang* ~ bintang tujuh; □□**kartika**.

keti-keti sj lebah kecil.

ketil; **seketil** secubit, segentel, sejempit;

berketil-ketil bergentel-gentel, berbutir kecil-kecil;

mengetil 1. memotong (menghiris) sedikit; 2. mengerip, mengunggis; 3. mencubit: *anak itu menangis terjerit-jerit kerana diketil ibunya;*

ketilan hasil mengetil, getilan, cubitan.

ketilang burung nilam; **kutilang**.

ketimaha Jk sj tumbuhan (pokok yg kayunya digunakan utk membuat hulu dan sarung keris dll), temahai, timaha, timanga, katimaha, *Kleinhovia hospita*.

ketimbir Kl, Tr tembel (pd mata).

ketimbul Jk sj tumbuhan (pokok dan buahnya) kulur, sukun, *Artocarpus communis*.

ketimbang I bunyi air ditepuk;

berketimbang, berketimbangan bermain dlm air sambil menepuk-nepuk air (hingga berbunyi mengikut sesuatu rentak), kecimpung.

ketimbang II sj tumbuhan (pokok renek), hempedal itik, nasi sejuk, pokok sedang, serapat, *Salacia flavescens*.

ketimpung □ □ **ketimbang I.**

ketimun Jw mentimun.

keting bahagian kaki di belakang buku lali; *urat* ~ urat pd keting;

mengeting **1.** sl memotong (memutuskan) urat keting (sbg hukuman); **2.** menendang keting seseorang.

ketingting sj permainan lompat-lompat (oleh kanak-kanak), tingting, ciak tinging.

ketip I **1.** = **pengetip** gigitan binatang-binatang kecil (spt agas dll); **2.** = **pengetip** = ~ (*pengetip*) *kuku* sj alat utk memotong atau mengerat kuku;

mengetip I. menggigit (bkn agas dll); **2.** mencubit (tidak kuat-kuat); **3.** memotong atau mengerat (kuku) dgn sejenis alat: ~ *kuku*.

ketip II Id mata wang yg kecil nilainya (kira-kira sepuluh sen), picis; **seketip** sepuluh sen, sepicis.

ketip-ketip sj tumbuhan (pokok memanjat), akar sebuih, *Gouania javanica*.

ketipung I sj gendang kecil.

ketipung II □ **ketimbang I.**

ketirah sj tumbuhan yg berdaun merah.

ketis I; mengetis menjentik (benda kecil yg melekat) supaya terpelanting atau tercampak: ~ *ulat di baju*.

ketis II kaki serangga; □ **ketik II.**

ketit Kd menggigit: *semut* ~ *budak itu*.

ketitir sj burung merbuk.

ketoka □ □ **ketuka.**

ketola sj tumbuhan (pokok memanjat), petola hutan (sagi, sanding), *Luffa acutangula*; ~ *ular* sj tumbuhan (pokok memanjat), petola ular,

timun bengkok, *Trichosanthes anguina*; akar ~ hutan sj tumbuhan (pokok memanjat), akar petola hutan, akar ara bukit, *Aristolochia tagala*.

ketombe (ketombé) Jk kelemumur.

keton (kéton) (Kim) kumpulan sebatian organik yg terdiri drpd dua kumpulan hidrokarbon yg dirangkaikan oleh kumpulan karbonil, digunakan utk membuat cat dan bahan letupan.

ketongkeng (ketongkéng) □ **tongkeng I.**

ketopong sj topi tinggi yg dipakai di kepala sbg perhiasan; ~ *besi* topi besi (dipakai oleh perajurit-perajurit zaman dahulu);

berketopong memakai ketopong: *tujuh puluh hulubalang berbaju zirah, ~ besi berdiri di kanan Kisna rayana.*

ketoprak I Jw lakonan yg ceritanya disampaikan dgn nyanyian dan tarian berserta bunyi-bunyian.

ketoprak II Jk tauhu goreng dibubuh tauge dan kicap.

ketot (kétot) kecil (kerana terencat atau terbantut tumbuhnya), kemetot, keretot; *budak ~; pokok ~.*

ketoyong Pr terbalik dgn kepalanya ke bawah dan pakunya ke atas (bkn gasing yg berpusing ligat).

ketrok Jk ark; **mengetrok** mengetuk, memukul; □ □ **ketuk I.**

ketu I Jw sj kopiah (dipakai oleh orang yg bertapa dll); ~ *udeng* kain yg diikat di kepala sbg ketu.

ketu II Kd **1.** memetik (pucuk); **2.** mencubit.

ketua **1.** orang yg tertua dan banyak pengalamannya (dlm kampung dll); **2.** orang yg mengepalai atau memimpin (pasukan, perkumpulan, pertubuhan, jabatan, dll): ~ *persatuan*; ~ *pengarang*; *guru ~ guru besar* (kepala sekolah);

~ *adat* pemimpin yg dilantik mengikut adat utk mengawasi perjalanan adat (dlm kampung, suku, dll); ~ *jurumasak* cef; ~ *kampung* orang yg mengepalai kampung, penghulu kampung; ~ *kerajaan* pemimpin tertinggi sesebuah kerajaan, yg dilantik drpd ketua parti politik yg memerintah: ~ *kerajaan Malaysia ialah Perdana Menteri Malaysia*; ~ *Menteri* menteri yg mengepalai menteri-menteri lain (biasanya dlm negeri bahagian): ~ *Menteri Melaka*; ~ *Menteri Sabah*; ~ *muda* wakil ketua; ~ *murid* murid yg dijadikan ketua bagi semua murid; ~ *negara* pemimpin tertinggi sesebuah negara yg terdiri drpd seseorang raja atau pemimpin parti politik yg memerintah: ~ *negara Malaysia ialah Yang di-Pertuan Agong*; ~ *pejabat* orang yg mengepalai dan bertanggungjawab terhadap perjalanan pejabat; ~ *satu* ketua yg terkanan (terpenting) sekali (dlm pertubuhan dll);

berketuakan mempunyai seseorang sbg ketua: *perkumpulan itu ~ seorang wanita*;

mengetuai mengepalai (pertubuhan dll), memimpin, menjadi ketua kpd: *Menteri Luar Negeri itu ~ perwakilan negerinya ke persidangan tersebut*;

mengetuakan 1. mengetuai: *pasukan itu diketuakan oleh Panglima Leman*; 2. mengangkat (melantik) menjadi ketua, memandag (menyifatkan, menganggap) sbg ketua;

pengetua orang yg mengetuai (mengepalai), ketua; ~ *maktab*.

ketual ark pegawai polis; □ **katwal**.

ketuat biji atau bintil daging yg kecil dan keras (pd anggota atau tubuh), mata ikan.

ketuau; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar tuau, daun patuk tuau, *Thunbergia laurifolia*.

ketubah bp khutbah.

ketuban tuban-tuban.

ketuhar sj dapur tertutup yg dipanaskan utk membakar, memanggang, dsb, oven;

~ *mikrogelombang* sj ketuhar yg menggunakan gelombang mikro utk memasak makanan dgn cepat; ~ *perolakan* (ERT) ketuhar yg menggunakan perolakan haba utk memasak makanan.

ketui sj tumbuhan (pokok memanjat), selang, setui, *Derris trifoliata*.

ketuir sj tumbuhan (pokok renek yg tumbuh di tepi pantai), *Clerodendron inerma*.

ketuk I pukulan (dgn buku jari dll) pd pintu dll; ~ *buluh* = **ketuk-ketuk**; ~ *kadal* sj permainan kanak-kanak yg terdiri drpd bilah buluh yg diketuk-ketuk;

ketuk-ketuk sj alat drpd kayu berongga atau buluh yg dipukul kerana sesuatu sebab (utk memberitahu waktu sembahyang, memanggil orang berhimpun, dll), kentung-kentung, tongtong: ~ *di masjid telah berbunyi menyeru orang mengerjakan sembahyang*;

mengetuk memukul dgn buku jari, memukul dgn palu atau sesuatu alat: *pintu kamarnya diketuk orang*; ~ *paku dgn tukul*; ~ *kawat menghantar telegram*;

mengetukkan mengetuk utk: “*nanti aku pula jadi mangsa utk ~ engkau pintu.*”;

ketukan (bunyi) pukulan dgn buku jari atau sesuatu alat, ketuk;

pengetuk sesuatu yg digunakan utk mengetuk, tukul.

ketuk II bunyi ayam yg baru bertelur;

berketuk berbunyi (bkn ayam yg baru bertelur), berkotek;
barang siapa yg ~ dialah yg bertelur prb orang yg berasa tersinggung oleh sesuatu sindiran itulah yg telah melakukan perkara yg disindirkan itu; ~ *di luar sangkar, bertanam di luar pagar* prb mengemukakan keterangan-keterangan lanjut sesudah selesai perkara diputuskan.

ketuk III sj alat bunyi-bunyian spt canang besar.

ketuk IV; ~ *ubi* sj makanan yg dibuat drpd ubi rebus yg ditumbuk dan dimakan dgn kelapa parut dan gula.

ketuka sj ikan pari kecil; □ **setoka**.

ketul I gumpal, kepal (nasi, tanah, dll), kerat (tulang, kayu, dll);

seketul segumpal, sekepal (nasi, tanah, dll); sekerat (tulang dll);

berketul-ketul bergumpal-gumpal, berkepal-kepal;

ketulan gumpalan, kepalan, ketul; ~ *tanah* gumpal tanah yg padat.

ketul II tegang berkedut (urat dll);

mengetulkan; ~ *kaki* membengkokkan (melipatkan) kaki yg terlunjur;

pengetul; *urat (otot)* ~ urat (otot) pd belakang lutut.

ketul III Jw ark tumpul.

ketum sj tumbuhan (pokok), bia, biak, *Mitragyna speciosa*.

ketumbak sj tumbuhan (herba), ketumbit, *Leucas lavandulifolia* (*Leucas zeylanica*).

ketumbar sj tumbuhan (pokok dan bijinya yg dijadikan rempah), *Coriandrum sativum*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek); a) gambir badak, gambir-gambir (akar), gegambir jantan, kecam, *Maesa ramentacea*; b) lidah ular, sedeguri, *Sida acuta*; ~ *jawa* sj tumbuhan (herba), jeruju gunung, kangkung gunung, *Eryngium foetidum*.

ketumbe (ketumbé) Jk kelemumur, ketombe.

ketumbi I □ **ketombe, ketumbe.**

ketumbi II tahi yg paling akhir keluarnya; ~ *tahi ayam* ki orang yg hina sekali.

ketumbit I 1. sj tumbuhan (herba) ketumbak, *Leucas lavandulifolia*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Saurauja tristyla*;

~ *akar* sj tumbuhan (herba), rumput anak temot, rumput setandang, rumput setawar, rumput sumpu, rumput susur, *Borreria articularis (hispida)*; ~ *hitam* sj tumbuhan (herba), *Polygala venenosa*; ~ *jantan* sj tumbuhan (rumpai), tetambak merah, *Emilia sonchifolia*; ~ *padang* sj tumbuhan (rumpu), rumput babi, *Synedrella nodiflora*.

ketumbit II Kd, Pr bintil atau tembel (pd mata).

ketumbu sj bakul yg bertutup.

ketumbuk; ~ *ketampi* sj burung hantu, burung hantu kuning.

ketumpang Jw sj tumbuhan (herba), ekor kucing, *Dysophylla auricularia*.

ketun = *ringgit* ~ sl wang ringgit.

ketung I; mengetung Kd memotong (mematahkan) bahagian atas pokok.

ketung II bunyi spt bunyi buluh dipukul; □ □ □ **ketung.**

ketung III; ~ *pulut* sj tumbuhan (rumpai), bayam pasir (tanah), daun serapat, kerak nasi paya, keremak, keremak bukit, kernau, rumput loh, *Alternanthera triandra*.

ketungging Id sj kala yg besar dan berwarna hitam.

ketup I = **ketup-ketup** bunyi kasut di atas lantai dll.

ketup II; mengetup = ~ *geraham* mengancingkan geraham; □ □ □ **katup I.**

ketupat nasi yg dimasak dlm kelongsong daun kelapa, daun nipah dll yg dianyam: ~ *bawang*; ~ *pasar* dll; ~ *bangkahulu* a) ketupat yg besar;

b) bp tinju (yg keras), genggam (tangan); *belah* ~ (bentuk) segi empat selari yg sama panjang sempadannya.

ketupuk sj burung.

ketur I tempat ludah: *berludah ke dlm* ~.

ketur II; berketur berbunyi (bkn katak).

ketus I; mengetus Pr mengeringkan (pinggan dll) dgn membiarkan airnya menitis;

mengetuskan membiarkan air yg ada pd sesuatu yg dibasuh menitik keluar;

pengetus; ~ *piring (pinggan dll)* rangka tempat diletakkan piring (pinggan dll) supaya menitis airnya hingga kering.

ketus II Jk cerewet, bengis, pamarah.

ketut; berketut Kl, Tr bengkok kemerah-merahan pd mata (kerana sakit mata).

ketutu I sj ikan darat, belantuh, *Oxyeleotris marmoratus*.

ketutu II, ketutuh sj tumbuhan (pokok memanjat), akar gasing putih, gegasing, kelempenang, mempenang, *Pericampylus glaucus (incanus)*.

kewalahan Jw ark tidak terlawan (terkerjakan dll) kerana terlalu banyak; tidak berupaya (melakukan sesuatu): *sasterawan nampaknya ~ memberi jawapan dan menghadapi fragmen-fragmen yg membanjiri hidup akhir-akhir ini*.

keweh (kéwéh); *kerbau* ~ kerbau yg tanduknya bengkok ke bawah.

kewek (kéwék) Kl, Tr bengkok, tidak lurus (kaki, tulang, dll); *kerbau* ~ kerbau keweh.

kg kep kilogram.

Kg. kep Kampung.

KGB kep *Komitet Gosudarstvennoi Bezopasnosti* (agensi perisik Soviet Union yg hampir sama fungsinya dgn CIA di Amerika Syarikat).

KGLM/PTM kep Kesatuan Guru-Guru Lepas Maktab Persekutuan Tanah Melayu.

KGMK kep Kesatuan Guru-Guru Melayu Kelantan.

kha (khO) **1.** huruf ketujuh abjad Arab (mempunyai nilai 600); **2.** huruf kelapan abjad Jawi.

khbar Ar **1.** = **perkhabaran** laporan ttg sesuatu hal atau kejadian, berita, warta: *sudah lama saya tidak mendapat apa-apa ~ dr kampung*; ~ (-*khbar*) *angin* khbar yg belum atau tidak pasti kebenarannya; ~ *baik* khbar yg menggembirakan (menyenangkan); ~ *buruk* khbar yg mendukacitakan (mencemaskan); *apa* ~ bagaimana hal atau keadaan (diri seseorang); *pecah* ~ merebak berita; *surat* ~ = *kertas* ~ ark naskhah (lembaran kertas) yg mengandungi berbagai-bagai berita dan diterbitkan tiap-tiap hari, akhbar, harian; **2.** = ~ *akan* = **khabarkan** sedar (akan); *tidak* ~ *akan* (*khabarkan*) *dirinya* tidak sedar (spt orang yg tidur lena), pengsan: *dia tidak khabarkan diri lagi sejak jatuh dr bangunan tinggi pd hari itu*; *indah* ~ *dr rupa* (*berita*) prb khbar atau percakapan orang selalunya melebih-lebihkan kecantikan (kesempurnaan dll) sesuatu drpd keadaannya yg sebenar;

khbarnya menurut khbar, kata orang: ~ *Hamid telah berkahwin lagi*;

berkhbar, **berkhabarkan** berkata-kata, bercerita, memberitahu: *maka ~lah ia kpd anak-anak perahu mengatakan ada perahu lanun di Tanjung Tujoh*; *diamlah ia tiada mahu ~ lagi*; *ia berkhabarkan kpd kami di dlm mimpi akan rupa Puteri Bungsu itu*;

mengkhabarkan memaklumkan, memberitahukan, memberitakan:

saya telah ~ berita kematian ibunya kepadanya;

terkhabar tersiar khabar, diberitakan, diceritakan;

perkhabaran khabar, berita, pemberitahuan: *dapatlah ia ~ mengatakan ayahnya ada di Kampar; dgn adanya surat khabar dan radio, sesuatu ~ mudah sahaja diketahui umum.*

khabuli□□□**kebuli.**

khadam Ar hamba, orang suruhan (gajian), pelayan: *beberapa tahun lamanya ia menjadi seorang ~ yg setia dan menurut perintah tuannya;*

mengkhadamkan menjadikan khadam: *~ diri kpd perpaduan umat Islam.*

khair Ar baik, elok.

khairat kebajikan, derma, sedekah; *persatuan ~ kematian* persatuan yg mengumpulkan wang (yuran) utk kebajikan ahli-ahlinya yg meninggal dunia (mis utk belanja mengebumikannya);

berkhairat berbuat kebajikan, berderma, bersedekah: *beliau dikenali sbg seorang dermawan yg telah banyak ~ kpd orang miskin.*

khakan (Parsi) sl maharaja.

khaki; *kain* ~ kain tebal berwarna kuning tua atau kuning gelap biasanya digunakan utk membuat pakaian seragam polis atau tentera.

khalai□□□**khalayak.**

khalak ark **1.** ciptaan Tuhan; **2.** ciptaan, buatan (sesuatu barang); *halus ~nya* halus buatannya.

khalasi, **khalasyi** sl kelasi.

khalayak Ar **1.** segala yg dicipta oleh Tuhan, makhluk, manusia: *maka segala ~ pun kembalilah masing-masing ke rumahnya;* **2.** = ~ ramai

orang ramai, orang banyak, umum: *ia berasa sangat malu kerana dihina di depan ~ ramai*; **3.** orang ramai yg menjadi pembaca (pendengar atau penonton) hasil ciptaan sastera atau seni, para pembaca (para pendengar atau para penonton).

khali Ar diam (tidak berbuat apa-apa), berhenti berbuat sesuatu, lalai (drpd berbuat sesuatu); *tiada ~ tidak berhenti atau lalai drpd (berbuat sesuatu): Pak Pandir pun tiada ~ lagi drpd melihat lukahnya; tidak ~ berbuat ibadat sentiasa (selalu) berbuat ibadat.*

khalifah Ar **1.** pengganti (kpd Nabi Muhammad SAW), (gelaran) ketua agama dan raja di negara Islam: *Sayidina Abu Bakar menjadi ~ yg pertama selepas wafat Nabi Muhammad SAW; ~ Allah setiap insan yg diamanahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Allah utk mengurus dan mentadbir dunia ini mengikut syariat Allah*; **2.** = ~ *dabus* ketua (pemimpin) permainan dabus: *ahli leka berfikir, ~ leka berdabus, pendekar leka memencak*; **3.** ark ketua murid;

kekhalifahan keadaan (gaya) seseorang khalifah yg menjalankan tugasnya: *ketika ~nya, al-Quran sudah selesai ditulis.*

khalifatullah Ar khalifah Allah.

Khalik Ar Yang Menjadikan (iaitu Allah); ~ *alalam* Yang Menjadikan alam (iaitu Allah); ~ *albahri* Yang Menjadikan lautan (iaitu Allah).

khalikah Ar **1.** perihal menjadikan; **2.** yg dijadikan atau dicipta (oleh Tuhan), alam, makhluk; ~ *raya* alam yg luas; **3.** pekerti, sifat, tabiat, watak.

khalil Ar sahabat; ~ *Allah* sahabat Allah (gelaran bagi Nabi Ibrahim).

khalilullah Ar khalil Allah.

khalis tidak cemar (bernoda), bersih, suci, murni.

khalkah ark Ar □ **halkah.**

khalwat Ar **1.** perihal (perbuatan) mengasingkan atau memencilkan diri (kerana menenangkan fikiran, bertafakur, dll); **2.** hal berdua-duaan di tempat yg terpencil atau tersembunyi, antara lelaki dgn perempuan yg bukan muhrim dan bukan pula suami isteri, sehingga boleh menimbulkan fitnah dan dianggap sbg suatu perbuatan yg sumbang: *kejadian-kejadian ~ yg menjadi-jadi sekarang menunjukkan kemerosotan moral pemuda-pemudi zaman moden;*

berkhalwat **1.** mengasingkan (memencilkan diri di tempat yg sunyi (kerana bertafakur, beribadat, dll): *Tun Kesturi pun bertemu dgn Laksamana di dlm rumah ~ tiada dapat berkata-kata dgn seorang jua pun;* **2.** berada berdua-duaan dlm keadaan yg sumbang di tempat yg terpencil atau tersembunyi (bkn lelaki dan perempuan yg bukan muhrim dan bukan pula suami isteri): *seorang isteri yg mempunyai anak dituduh ~ dgn seorang teruna di dlm sebuah bilik.*

khamar Ar minuman keras yg dibuat drpd anggur.

khamir bergaul dgn raga.

Khamis Ar hari kelima dlm seminggu, selepas hari Rabu.

khamisin (Geog) angin gurun yg panas, biasanya berdebu dan kering, di Mesir dan Laut Merah.

khanah Ar tempat simpan barang; *ajaib* ~ rumah tempat dipertunjukkan barang-barang ajaib, muzium; *kutub*~ perpustakaan.

khanjar sj parang atau pedang yg besar (bengkok).

kharab rosak, binasa, hilang atau berkurang penduduknya.

kharaj Ar cukai hasil drpd kegiatan ekonomi yg dikenakan ke atas individu bukan Islam.

kharajat □ □ □ **kerajat II.**

khas Ar yg diperuntukkan atau ditentukan (utk seseorang atau sesuatu kegunaan, tugas, dll), khusus, istimewa (utk seseorang atau sesuatu): *rumah-rumah itu dibina ~ utk pegawai-pegawai kerajaan; jawatankuasa ~ jawatankuasa yg bertanggungjawab mengerjakan (mengelolakan dll) sesuatu perkara tertentu; mata-mata (polis) ~ mata-mata (polis) yg menjalankan sesuatu tugas tertentu; pembantu ~ pembantu kpd seseorang (pegawai) yg tertentu;*

mengkhaskan mengkhususkan, mengistimewakan, menguntukkan (bagi orang, kegunaan, dll yg tertentu): *kawasan yg dikhaskan utk memelihara binatang ternakan; asrama yg dikhaskan utk penuntut-penuntut perempuan;*

terkhas terkhusus, teristimewa, tertentu atau terbatas (kpd): *perpustakaan itu boleh digunakan oleh orang ramai dan tidak ~ kpd penuntut-penuntut sahaja;*

kekhasan kekhususan, keistimewaan, keunggulan: *reaksi terhadap kesilapan kritikan lelaki yg kurang memahami ~ dunia dan jiwa wanita.*

khasah ark kain yg halus nipis dan jarang-jarang tenunannya, (kain) kasa.

khasiat faedah atau kebaikan yg khas (dlm ubat, makanan, dll), keistimewaan, manfaat: *makanan spt daging, telur, mentega mendatangkan banyak ~ kpd tubuh badan; ilmu ~ ubat pengetahuan tentang bahan-bahan ubat dan khasiatnya;*

berkhasiat mengandungi (memberikan) khasiat: *setengah-setengah jenis makanan lebih ~ drpd yg lain;*

mengkhiasiati ark menyelidik (menentukan) khasiat sesuatu benda.

khat Ar tulisan tangan yg cantik, yg dihasilkan dgn menggunakan berus atau pen khas, kaligrafi: *seni ~;*

mengekhatkan menuliskan sesuatu (tulisan Jawi, ayat al-Quran) dgn tangan: *serangkap ayat al-Quran yg dikhatkannya di atas kertas sutera bernilai RM10 ribu.*

khatam 1. sl cincin meterai; ~ *Sulaiman* cincin meterai Nabi Sulaiman; **2.** tamat, selesai, habis; ~ *kaji* a) tamat belajar; b) = ~ *Quran* = ~ *mengaji* tamat atau selesai mengaji (membaca) Quran; **3.** penghabisan, terakhir, penutup; ~ *al-anbia* = ~ *segala Nabi* yg terakhir drpd segala Nabi (iaitu Nabi Muhammad SAW);

berkhatam; ~ *pengajian (Quran)* tamat kajian (bacaan Quran);

mengkhatamkan menamatkan (bacaan, kajian, dll): ~ *Quran*; *banyak drpd murid-muridnya yg sudah dikhatamkan* ditamatkan pengajian mereka.

khatan sunat (memotong kulup);

berkhatan bersunat, bersuci, potong kulup: *orang Islam ~ sewaktu masih kecil lagi;*

mengkhatankan menyunati: *biasanya diadakan kenduri apabila ~ anak;*

perkhatanan perbuatan (upacara) berkhatan atau bersunat;

pengkhatanan perihal atau perbuatan mengkhatankan: *begitu juga mengenai masalah ~ kanak-kanak perempuan yg sudah biasa dilakukan sbg kebiasaan dlm masyarakat Islam.*

khatib Ar pembaca khutbah;

~ *lalu ~ mati, bilal lalu bilal mati* prb perihal kecelakaan yg menimpa orang yg melalui suatu tempat yg sulit dan berbahaya.

khatifah sj kain diperbuat drpd bulu domba (kibas), permaidani.

khatulistiwa garisan rekaan di keliling dunia atau dilukis atas peta, yg terletak pd garis lintang 0 darjah (iaitu sama jaraknya dr kutub utara

dan kutub selatan); *daerah* ~ daerah hawa panas (berhampiran dgn garis khatulistiwa);

~ *cakerawala* bulatan rekaan yg dibentuk oleh rata-rata khatulistiwa dunia dgn sfera cakerawala; ~ *magnet* garis khayalan di keliling bumi yg menandakan tempat-tempat jarum magnet tidak tunduk ke bawah; ~ *panas (suhu)* garis yg menandakan tempat-tempat yg paling panas di muka bumi.

khauf Ar ketakutan; *sembahyang* ~ sembahyang yg didirikan dlm keadaan bahaya, spt peperangan (sebelum pertempuran).

khawatir □ □ □ **khuatir**.

khayal 1. = **khayalan**; **2.** leka, sangat asyik (membuat sesuatu): *dia kelihatan ~ dlm sebarang usaha yg dilakukannya; mereka sedang ~ memerhatikan orang tua itu menganyam bakul;*

berkhayal 1. berangan-angan, mengelamun: *Karim yg sedang duduk ~ dgn berbagai-bagai kenangan agak terkejut oleh panggilan isterinya; 2.* berbuat spt benar-benar berlaku, berangan-angan: *budak yg duduk di atas peti itu ~ mengenderai kereta; 3.* melihat sesuatu yg sebenarnya tidak ada (tetapi seolah-olah wujud hasil drpd angan-angan): *pd malam itu ia ~ suatu lembaga datang mendekatnya; 4.* leka, sangat asyik (dgn): *anak-anak gadis kita akan lekas terpengaruh dan seterusnya ~ dgn tarian gila dan pakaian yg kurang sopan itu; ~-khayal dgn bualan yg sia-sia;*

mengkhayalkan 1. menggambarkan (membayangkan) dlm angan-angan, mengangan-angankan, mereka (dlm fikiran): *berlanjut-lanjut ia ~ keindahan tempat-tempat yg sudah dikunjunginya tempoh hari; drpd kedip rokok dan kepulan asap, kukhayalkan kota New York yg*

sibuk itu; 2. menyebabkan khayal (asyik), melekakan: suasana di dlm taman itu sungguh ~;

terkhayal 1. terleka, terlalai: *sebentar itu ~lah ia lupa akan segala sakit dan pedih yg ditanggungnya itu; 2. dapat dibayangkan oleh pikiran: mereka yg gugur di medan jihad akan mendapat kurniaan yg tidak ~ oleh akal;*

terkhayalkan dapat dikhayalkan: *hal yg ~;*

khayalan 1. lukisan (gambaran, bayangan) sesuatu dlm fikiran (ketika bermenung dsb), rekaan atau ciptaan (dlm kepala atau oleh daya angan-angan), angan-angan, fantasi, khayal: *sejurus mereka terdiam dihanyutkan oleh ~ fikiran masing-masing; segala peristiwa dlm cerita ini dibina drpd ~ semata-mata; 2. sesuatu yg nyata kelihatan oleh (atau pd pandangan seseorang pd hal sebenarnya tidak wujud, ciptaan angan-angan; 3. yg dibayangkan atau dilukiskan dlm angan-angan spt benar-benar ada (berlaku dll), yg direka atau dicipta oleh daya angan-angan, khayal: cerita-cerita ~ dgn peristiwa-peristiwa yg aneh dan tidak mungkin berlaku;*

kekhayalan keadaan khayal (leka), keasyikan (sewaktu sedang membuat sesuatu);

pengkhayalan proses, cara atau perbuatan mengkhayalkan);

pengkhayal orang yg berkhayal: *~ sepi ini sudah lama berhajat hendak bermesra dgn gadis itu.*

khayali Ar 1. diangan-angankan (tidak benar-benar ada), semata-mata dlm angan-angan atau khayalan sahaja: *pengarang dapat mencipta dunia ~ menurut kehendaknya dan fantasinya sendiri; 2. sl mabuk (tidak sedarkan diri): maka segala raja-raja itu pun ~lah lalu bangkit menari beranggap-anggapan terlalu ramainya.*

khazanah Ar **1.** barang-barang kepunyaan, harta benda, kumpulan (himpunan) sesuatu: *ia tetap berguna dlm memperkaya ~ sastera tanah air*; **2.** tempat menyimpan harta benda (kitab-kitab dll): *habislah harta yg dlm ~ patik, patik sekalian sedekahkan kpd segala fakir miskin.*

Khek Hakka.

khemah (khémah) tempat berteduh yg biasanya dibuat drpd kanvas yg disokong oleh tiang dan tali yg diikatkan pd pancang: *penduduk-penduduk padang pasir yg tidak menetap di sesuatu tempat, tinggal dlm ~;*

berkhemah mendirikan atau memasang khemah (utk berteduh atau bermalam): *apabila tiba malam, pengembara-pengembara itu pun bersiap utk ~;*

perkhemahan **1.** perihal berkhemah; **2.** kelompok (kumpulan) khemah: *sepasukan musuh telah menyerang ~ tentera kita di situ.*

khi (kai) huruf ke-22 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol X, χ.

khianat **1.** perbuatan jahat yg (bertujuan) menganiaya atau mendatangkan kecelakaan pd orang lain, tipu daya, perbuatan belot atau tidak setia (kpd negeri, bangsa, dll): *orang yg berbuat ~ itu adalah orang yg sangat hina*; **2.** yg (bertujuan) menganiaya atau mencelakakan dsb orang lain, yg belot kpd negara: *perbuatan ~; orang ~ orang yg melakukan (perbuatan) khianat;*

berkhianat berbuat khianat: *hamba tidak akan ~ dan menderhaka kpd Dato' Bendahara;*

mengkhianati berbuat khianat kpd, mencelakakan, memperdaya, membelot terhadap, tidak setia kpd: *dgn memihak kpd musuh, kau telah ~ bangsa dan negaramu;*

pengkhianatan perihal (perbuatan, tindak-tanduk, dsb) mengkhianati, perbuatan khianat: *letupan di pelabuhan itu adalah suatu ~ oleh anasir-anasir jahat;*

pengkhianat orang yg berbuat khianat, orang yg belot, orang yg tidak setia kpd negara (ketua dll): *~ itu telah dibicarakan dan dihukum.*

khidmat 1. hormat, (dgn) takzim, (dgn) sopan santun: *sekalian mereka itu pun terdiri serta ~ menjunjung sabda;* **2.** perbuatan (pekerjaan) yg menunjukkan kesetiaan atau pengabdian (kpd negara dll), bakti: *ia berjanji akan terus berbuat ~ kpd bangsa dan negara;* **3.** kerja dll utk memenuhi keperluan orang ramai dll, perkhidmatan; *~ nasihat khidmat berupa pemberian nasihat (panduan, maklumat, dsb);*

berkhidmat 1. berbuat khidmat, berbakti, mengabdikan atau taat setia (kpd): *barulah sekarang aku dapat ~ kpd tanah air;* **2.** bertugas, bekerja: *beliau telah ~ selama tiga tahun di Kementerian Pertahanan sebelum memegang jawatan baru ini;*

mengkhidmati berkhidmat kpd (utk): *rencana itu diharapkan akan disiarkan dlm ruangan surat khabar yg dikhidmatinya;*

perkhidmatan 1. perihal berkhidmat (bertugas): *Michael terpaksa kembali ke tanah airnya sebab tempoh ~nya di negeri ini sudah tamat;* **2.** kerja (usaha, kemudahan, dll) utk kebajikan (keperluan, kepentingan) orang ramai dll: *selain memberikan pinjaman wang, bank perniagaan juga memberikan berbagai-bagai ~ kpd para pelanggan;*

~ awam segala kegiatan (usaha) pemerintah yg ada kaitannya dgn orang ramai; *~ bas (kereta api)* kemudahan pengangkutan dgn bas (kereta api); *~ kerajaan* perkhidmatan (spt kerja-kerja pentadbiran

dll) oleh pemerintah; ~ *perubatan* perkhidmatan yg berkaitan dgn kesihatan rakyat (bekalan perubatan dsb); ~ *sosial* perkhidmatan (spt perkhidmatan perubatan, pelajaran, dll) utk kebajikan rakyat;

pekhidmat orang yg berkhidmat dgn sesuatu institusi atau menceburi sesuatu bidang perkhidmatan: ~ *awam*.

khilaf salah (kerana kecuaiian, kurang pengalaman, dll), keliru, silap: *adalah juga beberapa kesalahan di dalamnya drpd ~ atau lupa*;

terkhilaf tersalah (kerana kurang teliti, kurang pengalaman, dll), terkeliru, tersilap: *harap maaf kiranya saya ~*;

kekhilafan kesalahan (kerana kurang teliti, kurang pengalaman, dll), kekeliruan, kesilapan: *beberapa ~ yg terdapat dlm laporan itu telah dibetulkan*.

khilafah □ **khalifah**.

khilafiah Ar menimbulkan keraguan atau pertikaian; *perkara-perkara ~ perkara-perkara yg menimbulkan pertikaian (yg tidak mempunyai nas yg tepat mengenai hukumannya)*.

khinzir Ar □ **babi**.

khisit iri hati, cemburu, dengki.

khittah Ar langkah.

khizanah, khizanat □ □ □ **khazanah**.

khizanatulkitab Ar, sl perpustakaan, kutubkhanah.

khizid, khizit □ □ □ **khisit**.

khoja, khojah (gelaran bagi) saudagar (yg datang dr negeri Parsi atau India Utara).

khuatir Ar agak cemas atau takut akan berlakunya sesuatu, berasa gelisah atau tidak sedap hati (kerana memikirkan sesuatu), bimbang: *ia ~*

kerana suaminya yg dikasihinya belum pulang-pulang; aku ~ kalau-kalau di tempat ini ada penjahat dan penyamun;

mengkhuatiri khuatir (akan sesuatu perkara, atau kejadian atau orang): *tingkah laku Esah itu dikhuatirinya akan mempengaruhi jiwa anak-anak gadis yg lain; mereka berjalan lebih cepat kerana ~ pemuda-pemuda yg mengekori mereka;*

mengkhuatirkan menyebabkan (menimbulkan) rasa khuatir, membimbangkan, menakutkan: *orang itu pernah membuat ugutan yg ~nya; tempat ini dikawal, tiada apa yg ~;*

kekhuatiran perasaan khuatir, kebimbangan, ketakutan: *timbul ~ dlm hatinya kalau-kalau anaknya pula yg tertipu.*

khudu Ar sifat rendah hati.

khulak □ □ **khuluk I.**

khuldi Ar; *buah* ~ buah yg dimakan oleh Nabi Adam dan Siti Hawa dlm taman Firdaus.

khuluk I □ Ar perceraian yg diminta oleh isteri dgn bayaran menurut jumlah yg dipersetujui, tebus talak.

khuluk II Ar sifat, pekerti, pembawaan, laku: *maka Sultan Muda pun besarlah, terlalu baik ~nya dan lakunya.*

khunsa Ar orang yg mempunyai dua alat kelamin.

khurafat Ar kepercayaan yg karut, dongeng, tahyul: *kata-katanya itu banyak bidaah dan ~.*

khusmat □ □ □ **kesumat.**

khusus (jamak bagi khas) khas, istimewa (utk seseorang atau sesuatu), tidak umum: *kursus-kursus dan latihan itu ~ utk kaum wanita; persidangan pegawai-pegawai itu diadakan utk membincangkan*

masalah ekonomi, ~nya ekonomi luar bandar; badan-badan ~ badan utk tujuan (tugas, tanggungjawab, dll) yg tertentu;

mengkhusus menjadi khusus, menjadi (merupakan) sesuatu yg bersifat khusus: *teknologinya berkembang dgn sangat pesat dan ~; ~ kpd menuju kpd, menjadi tertumpu kpd, menumpu kpd;*

mengkhusus menumpukan usaha kpd bidang atau aktiviti tertentu: *penyelidik-penyelidik yg ~ bidang geofizik;*

mengkhususkan menjadikan khusus (utk orang atau sesuatu yg tertentu), mengistimewakan, mengekshakan: *ia ~ diri dlm bidang kebudayaan; tempat yg dikhususkan bagi para jemputan khas;*

terkhusus terkhas, teristimewa, tertentu (utk sesuatu);

kekhususan 1. perihal (sifat dsb) khusus: *~ sesuatu ilmu pengetahuan;* 2. sesuatu yg (bersifat) khusus;

pengkhususan perihal menjurus dlm sesuatu bidang;

berpengkhususan mempunyai pengkhususan: *syarikat tersebut berkecimpung dan ~ dlm bidang reka bentuk.*

khushyuk Ar 1. dgn penuh minat atau sepenuh hati (ketika mendengar atau berbuat sesuatu), dgn sungguh-sungguh (ketika berbuat ibadat dll), dgn menumpukan perhatian dan minat yg sepenuhnya (kpd sesuatu): *ahli jemaah sedang duduk dgn ~ mendengar bang; mereka sedang ~ bersembahyang;* 2. (dgn) kerendahan hati (diri): *manusia akan menghadap Tuhan dgn penuh hormat, ~ dan tawaduk;* 3. Jk niat, tujuan, kasad;

mengkhususkan menjadikan seseorang khushyuk: *suasana malam yg sunyi itu sangat ~;*

kekhusyukan perihal atau keadaan khushyuk (ketika bersembahyang, berdoa, dsb).

khutbah Ar pidato (biasanya yg mengandung ajaran atau nasihat keagamaan), syarahan: *sembahyang Jumaat didahului oleh ~*;

berkhutbah 1.berpidato atau bersyarah (mengenai hal-hal agama dll): *mereka duduk bersila mendengar tok imam ~ dgn suara yg nyaring*; 2. ki berleter: *pagi-pagi lagi ibunya sudah ~*;

mengkhutbahkan menerangkan atau menghuraikan (ajaran agama dll) dlm khutbah: *sudah tiga kali perkara itu dikhutbahkannya kpd jemaah di masjid itu*;

pengkhutbah ark orang yg berkhutbah, pensyarah atau pembicara (terutama mengenai perkara-perkara keagamaan); ~ *Injil* pendeta Kristian.

ki 1. Jw gelaran (panggilan) bagi orang tua-tua atau guru; **2.** Pr datuk (singkatan bagi aki).

kia I sj jahitan tangan yg menyerupai jahitan mesin jahit; jenis-jenis: ~ *cengkam*, ~ *rantai*, ~ *selari*, ~ *sangkut*, dll.

kia II; *limau* ~ sj tumbuhan (pokok renek dan buahnya), limau kaya, limau kikir, limau kingkip, limau kingkit, *Triphasia trifolia*.

kia III Kl takut, cuak.

kia-kia I; *yu (ikan)* ~ sj ikan laut, *yu cemongi*, *yu kemejan*, *yu kemenyan*, *Rhinobatis spp.*

kia-kia II bp bersuka-suka, bersenang-senang, berfoya-foya.

kiah; **mengiah**, **mengiahkan** menjadikan renggang (longgar);

pengiah; ~ *kasut (sepatu)* sj alat utk merenggangkan sepatu supaya mudah memasukkan kaki, *sudu (sudip) sepatu*.

kiai Jw **1.** gelaran bagi alim ulama Islam; **2.** orang yg berpengetahuan tinggi dlm hal-hal agama Islam, alim ulama; **3.** gelaran bagi guru ilmu ghaib (tasawuf): ~ *Salleh dikatakan boleh menjadikan orang*

kebal; **4.** ketua atau pegawai daerah (di selatan Kalimantan); **5.** panggilan bagi sesuatu (benda, senjata, dll) yg bertuah; ~ *Tunggulwulung* panggilan bagi bendera pusaka di istana Jogjakarta.

kiak-kiak sj semut yg besar dan hitam warnanya, cengkiak, kelengkiak, lengkiak.

kial I; kial-kial, berkial-kial, terkial-kial 1. (berbuat sesuatu) dgn sepenuh upaya (tenaga), berjerih-jerih: *seorang Cina tua kelihatan terkial-kial mengayuh sebuah beca*; **2.** bergerak-gerak keras (kerana tertawa atau menangis), bergoncang-goncang (badan): *kanak-kanak itu meminta ampun kpd ibunya sambil tersedu-sedu dan terkial-kial.*

kial II ark gerakan tangan atau badan utk menggambarkan sesuatu perbuatan (sbg isyarat): *menceritakan apa yg berlaku dgn ~;*

berkial menggerakkan tangan (badan dll) sbg lakonan: *bernyanyi sambil ~;*

mengialkan melakonkan, menggambarkan (menerangkan) sesuatu dgn perbuatan (isyarat);

kialan persembahan drama atau sandiwara tanpa suara (yg mementingkan gerak badan, isyarat tangan, mimik muka), pantomim;

perkialan perihal berkial, gerakan (tangan, badan, dll) utk menerangkan sesuatu perbuatan atau melahirkan perasaan.

kiam Ar berdiri tegak (ketika bersembahyang).

kiamat Ar **1.** = *hari* ~ akhir zaman, iaitu apabila seluruh alam musnah: ~ *akan berlaku tetapi tiada seorang pun yg tahu bila*; ~ *kubra* kiamat apabila berlakunya kemusnahan seluruh alam; *sampai* ~ sampai akhir zaman, (buat) selama-lamanya: *takkan hendak disimpan wang itu sampai ~*; **2.** = *hari* ~ hari apabila manusia dibangkitkan (drpd

mati) utk dihisab segala amalannya dan diberi pembalasan; **3.** = *hari* ~ hari penghisaban, iaitu hari apabila segala amalan manusia dihisab; **4.** = *hari* ~ hari pembalasan, iaitu hari apabila manusia menerima balasan atas segala amalan baik dan buruk di dunia: *pd hari ~ Allah akan menghukum dgn adil dan benar*; **5.** ki rosak binasa, kacau-bilau, mendapat bencana (kecelakaan): ~ *nanti kalau rahsia ini diketahuinya.*

kiambang sj tumbuhan yg terapung-apung di air, *Pistia stratiotes*; *ibarat ~ ki perihal tidak teguh dan tidak tetap;*
bagai (spt) ~ dilempar prb bersurai seketika kemudian berkumpul semula (bkn orang ramai yg berkumpul); biduk lalu ~ bertaut prb orang yg bertelingkah (berkelahi) yg kemudiannya berbaik semula.

kian I 1. sebegitu, sebanyak itu (ini); *sepuluh ~ sepuluh kali ganda itu; 2.* makin, makin bertambah: *ibu ~ hari ~ tua; bas itu berjalan ~ laju dan ~ jauh meninggalkan perhentian bas;*

sekian 1. sedemikian, sebanyak itu (ini), sebegitu: *~lah huraian secara ringkas mengenai masalah itu; ingin kembali ke kampung setelah ~ lama ditinggalkan; 2.* = **sekian-sekian** yg tertentu (hari, angka, dll): *dia akan datang pd sekian-sekian hari; 3.* sehingga: *bukan kepalang lama waktu, ~ terasa oleh Mak Guna;*

berkian-kian terlalu banyaknya, banyak-banyak: *harta dunia yg ~ banyaknya.*

kian II sana, situ; ~ *ke mari ke sana ke mari (ke hulu ke hilir): burung-burung terbang ~ ke mari.*

kiang; ~-*kiut* berbunyi spt bunyi engsel (yg ketat) pintu yg dibuka ditutup.

kiani ark; *singgahsana ~ sl takhta kerajaan.*

kiap dua keping papan berdiri utk menegakkan (menyokong, menopang) tiang bendera.

kiar I Kl sj wap yg dikeluarkan oleh kulit limau (boleh memedihkan mata).

kiar II Kl ikhtiar, usaha.

kias I Ar 1. ibarat, teladan atau pengajaran (yg terkandung atau ternyata dlm cerita dll): *disiarkan cerita-cerita yg (di dalamnya) penuh ~, ibarat dan pengajaran*; 2. teguran yg tidak dgn terus-terang, sindiran; 3. perbandingan dgn contoh yg telah ada atau dgn hal yg telah berlaku: *ulama-ulama itu menjalankan tugas mereka dgn berdasarkan Quran, hadis, ~ dan ijmak; mengambil ~ mengambil contoh (teladan); ahli ~ ahli hukum Islam yg berdasarkan kias; manusia tahan ~, binatang tahan palu* prb manusia boleh diajar dgn sindiran sahaja tetapi binatang hendaklah dipukul;

berkias berkata-kata dgn menggunakan kias (sindiran), beribarat: *aku tak pandai ~, tak pandai beribarat*;

berkias-kiasan sindir-menyindir: *Hajah Sainah turut ~ utk mengusik anak angkatnya*;

mengias 1. menyindir: *tidak aku sangka budak semuda itu pandai benar ~*; 2. memperbandingkan dgn perkara yg telah ada atau telah berlaku: *khalifah-khalifah itu menyelidiki hukum-hukum bagi perkara baru itu dgn jalan dikias dgn sesuatu hukum yg seumpamanya*; *kias-~ berkias-kias, sindir-menyindir*;

mengiasi menyindir kpd;

mengiaskan 1. mengenakan kias (perbandingan, persamaan) pd: *~ satu fasal undang-undang kpd suatu keadaan yg tertentu*; 2. menunjukkan (mengemukakan) sesuatu dgn perbandingan

(persamaan), mengibaratkan: *pepatah Inggeris ~ orang bodoh yg banyak cakapnya sbg tong yg tidak berisi*; **3.** membuat sindiran (ibarat dll) yg ditujukan kpd: *ayahnya pernah juga ~ kpd dia supaya membuat amal ibadat*;

kiasan 1. pertimbangan (perhitungan) mengenai sesuatu perkara dgn perbandingan (persamaan) perkara yg lain; **2.** ibarat, perumpamaan; **3.** sindiran; **4.** pengajaran atau contoh (yg terdapat dlm cerita dll), teladan; **5.** lambang; **6.** a) = *erti* ~ erti yg tersembunyi (lain drpd erti yg ternyata); b) = *kata* ~ kata yg mengandungi (mempunyai) erti kiasan;

berkiasan memakai (menggunakan) kiasan, mengandungi kiasan.

kias II; *ilmu* ~ ilmu sihir atau ilmu ghaib (yg menggunakan jampi-jampi utk menyembuhkan penyakit dll).

kiasi ark **1.** menurut kias; **2.** berkaitan dgn kias.

kiat I 1. = **berkiat** keras dan tidak boleh dikelokkan (dilentokkan), kejur, kaku, kejang (anggota); **2.** = **terkiat** tergeliat, terkehel, salah urat (menyebabkan kaki atau tangan tidak dapat dilentokkan).

kiat II Kl **1.** ketat atau sendat (bkn tutup tin dll); **2.** tidak licin perjalanannya kerana terlalu buruk dll (bkn basikal dll).

kiat III Mn cara (jalan, selok-belok) mengerjakan sesuatu.

kiat IV ark; **mengiat 1.** membentangkan atau mengembangkan (kad atau daun pakau) supaya kelihatan; **2.** mengocok (membancuh) kad atau daun pakau.

kiat V Kd menjadi herot (kayu).

kiapau C ark penduduk (Cina).

kibang; *~kibut* berlarian (bergerak) dgn tidak berketentuan arah, kelibang-kelibut.

kibar; berkibar, berkibar-kibar, berkibaran bergerak melambai-lambai (ke kiri ke kanan) kerana ditiup angin (bkn bendera dll): *bendera Malaysia ~ di sana sini pd hari ulang tahun kemerdekaan Malaysia; mengibarkan* menyebabkan berkibar, menggerak-gerakkan (bendera dsb) supaya berkibar, memasang (membentangkan) supaya berkibar: *kota ini bersemarak dgn hiasan, dan setiap rumah ~ bendera; beribu-ribu murid sekolah berdiri di sepanjang jalan sambil ~ bendera;*

kibaran gerakan berkibar;

pengibaran perihal (perbuatan dsb) mengibarkan (bendera): *upacara dimulakan dgn ~ bendera oleh ketua pasukan.*

kibas I; mengibas, mengibas-ngibas 1. bergerak-gerak ke atas ke bawah spt melambai atau mengipas; 2. menyebat (meja dll) dgn kain dll (utk menghilangkan debu dll), mengebas: *dia ~ bangku itu dgn sapu tangan sebelum mendudukinya;*

mengibaskan, mengibas-ngibaskan menggerakkan (sayap dll) ke atas ke bawah spt melambai-lambai: *seekor ayam jantan mengibas-ngibaskan kepaknya dan berkokok dgn nyaringnya;* 2. mengibar-ngibarkan dgn keras (kain dll), mengebas: *kain-kain hendaklah dikibaskan utk menghilangkan debu yg melekat padanya.*

kibas II = *kambing* ~ sj kambing biri-biri di negeri Arab, domba; *bulu* ~ bulu domba.

kibir sangat angkuh (sombong), berasa dirinya lebih penting (mulia dll).

kiblat 1. arah ke Kaabah di Mekah (arah yg dihadap oleh orang Islam ketika bersembahyang); 2. arah (timur, barat, dll), mata angin;

berkiblat = ~ *kpd* menuju (menghala) ke ..., condong (berat) *kpd*:
pendirian parti politik tersebut menunjukkan parti itu tetap ~ kpd
negara-negara komunis;

berkiblatkan berkiblat *kpd*, berdasarkan: *budaya yg ~ barat*;

mengiblatkan menghalakan, mengarahkan, menunjukan.

kibriah Ar ark keangkuhan, kesombongan, takbur.

kibriak kebesaran (Allah).

kibul I Jk punggung.

kibul II Jk bohong;

mengibuli menipu, membohongi.

kicak; ~-*kicau* bunyi burung murai; □ □ □ **kicau**.

kicang; ~-*kecoh* = ~-*kicu* ark berbagai-bagai tipu daya; ~-*kecoh ciak* prb
barang apa yg hendak disiasat, hendaklah ada buktinya (tandanya).

kicap I kicau.

kicap II benda cair yg hitam warnanya dibuat drpd air kacang soya dan
garam (digunakan dlm masakan dll).

kicar-kicar sj tumbuhan (pokok renek), *Myrsine porteriana (capitellata)*.

kicau I 1. bunyi burung; **2.** = *kicak*-~ bunyi burung murai: *Karim*
dikejutkan drpd tidurnya oleh ~ murai;

berkicau 1. berbunyi (bkn burung terutama burung murai): *ayam*
biasa berkokok, murai biasa ~; **2.** bercakap-cakap dgn sesuka hati
(tidak tentu buah butirnya), berceloteh, mengoceh;

berkicauan berkicau banyak-banyak (bersama-sama): *beberapa*
ekor burung murai ~ dr dahan ke dahan;

kicauan kicau.

kicau II kecoh, tipu.

kici sj perahu yg kecil dan bertiang dua.

kicu tipu, penipuan; *kena* ~ kena tipu; □ □ □ **kecoh I**.

kicut; berkicut berbunyi spt bunyi pintu dibuka tutup, berkiut.

kidab ark bohong, dusta; □ □ □ **kizib**.

kida-kida ark perhiasan yg dibuat drpd emas perada dll (dikenakan pd tepi songkok, selendang, dll).

kidal 1. kiri; *tangan* ~ tangan kiri; **2.** gemar (cenderung) menggunakan tangan kiri (apabila membuat sesuatu).

kidang Jw kijang.

kidar Jk idar, kisar, kitar.

kidemat ark khidmat.

kidul Jw selatan; *laut* ~ = *segara* ~ lautan Hindi (di sebelah selatan Pulau Jawa).

kidung sj nyanyian, syair yg dinyanyikan, kekawin; ~ *gereja* lagu yg dinyanyikan oleh orang Kristian dlm gereja; *tulang* ~ penyanyi kidung;

berkidung-kidung bernyanyi kidung: *mereka ~ sendiri di buritan bahtera yg hanyut di tengah lautan*;

mengidung bernyanyi kidung: *di tengah balai sama menari serta ~ manis berseri*;

mengidungkan menyanyikan, melagukan (kidung).

kifarat Ar denda kerana melanggar hukum atau peraturan agama yg tertentu (berupa perbuatan kebajikan atau lain-lain sbg memohon ampun akan dosa); ~ *zihar* denda yg dikenakan ke atas suami kerana menyamakan sebahagian anggota isteri dgn mahramnya.

kifayah Ar □ □ □ **fardu**.

kihanat Ar ark ramalan, penenungan.

kijai I sj tumbuhan (pokok), babi kurus, beberas, beras-beras, kasir, kedondong matahari, pauh kijang, *Trigonochlamys griffithii*.

kijai II; terkijai-terkijai terkitai-kitai.

kijang sj binatang spt rusa tetapi lebih kecil tubuhnya dan tidak panjang tanduknya, *Muntiacus muntjac*; ~ *menjangan* berbagai-bagai jenis kijang (spt rusa, pelanduk, napuh, dll);

~ *dirantai dgn rantai emas, jikalau ia lepas, lari juga ia ke hutan* prb seseorang itu akan ingat juga negeri asalnya sekalipun senang hidupnya di negeri orang; *dapat ~ teruit* prb mendapat keuntungan (faedah) dgn tiada bersusah payah; *spt ~ lepas ke rimba* prb orang yg telah kembali ke tempat asalnya dan sukar dijumpai lagi.

kijil = *akar* ~ sj tumbuhan (akar memanjat), akar banar, akar gadung tikus, akar kelona betina, banar babi, gadung jantan, *Smilax helferi*.

kijing sj kepah yg boleh dimakan, *Lutraria spp.*

kijip □ □ □ **kejap I.**

kikir I sj alat drpd keluli yg bergerigi halus pd permukaannya atau tepinya dan digunakan utk mengikis (melicinkan, mengasah, memotong dsb) besi dll; ~ *belah rotan* kikir yg satu permukaannya melengkung atau berbentuk separuh silinder; ~ *pari* a) kikir yg dibuat drpd kulit pari; b) orang yg kedekut; ~ *parut* sj kikir yg tajam-tajam geriginya (utk mengikis kayu, kulit, dll); ~ *pari belulang kering direndam tujuh hari tak basah* prb a) orang yg degil atau kedekut; b) orang yg kuat (berkuasa) yg tidak boleh dipengapakan;

berkikir 1. telah dikikis (dilicinkan) dgn kikir; **2.** tidak licin (bkn kulit), berkerut-kerut, berkedut-kedut;

mengikir melicinkan (mengikis dll) dgn kikir: ~ *kepingan keluli*;

kikiran serbuk sesuatu yg dikikir, tahi kikir.

kikir II terlalu berkira-kira atau berhati-hati membelanjakan wang, kedekut, lokek: *ia tidak ~ menyumbangkan derma;*

kekikiran perihal (sifat) kikir.

kikis I; mengikis mengerik (menghapuskan dll) dgn benda tajam (spt pisau dll): *cat pd dinding itu harus dikikis dahulu sebelum disapu cat yg baru;*

kikisan kerikan;

pengikisan perihal (perbuatan, kerja, dsb) mengikis;

pengikis alat utk mengikis, pengerik.

kikis II Mn hilang, luput; *hilang ~ hilang lenyap, luput sama sekali;*

mengikis 1. menghilangkan, melenyapkan, meluputkan: *kemesraan itu sekarang sudah cukup sehati dan tidak dapat dikikis lagi; ~ ingatan yg mengacau di fikirannya; 2.* menghabiskan (harta benda): *oleh sebab suka berjudi ia telah ~ habis harta pusaka drpd orang tuanya;*

terkikis terluput, lenyap (dr ingatan): *segala peristiwa itu sudah hampir ~ dr ingatannya.*

kikuk Br sj keras, cengkok.

kila Mn ark **mengila** membantahi atau membangkang (perkataan orang), memutarbalikkan (perkataan); □ □ □ **kilah I.**

kilah I 1. tipu daya, tipu muslihat: *segala ~ yg dijalankan tidak memberi hasil; 2.* helah, dalih, alasan (utk tujuan yg tersembunyi): *itu hanya suatu ~;*

berkilah, berkilah-kilah beralih, mencari-cari helah, berbelit-belit atau berputar-putar (percakapan): *ia bertanya dgn tidak berkilah-kilah;*

mengilah-ngilahkan = **mengilahkan** ark membelit-belitkan (memutar-mutar) perkataan dll, menggunakan helah atau tipu muslihat: *mereka ~ kenyataan sesuka hati mereka.*

kilah II sj siput laut.

kilai kili-kili (gelang-gelang) bagi menjarakkan lembar tali yg dipintal.

kilala Br, Sr kenal.

kilan I; terkilan 1. terasa tidak senang hati, tersinggung perasaan: *sahabat-sahabatnya ~ dgn kelakuannya yg bongkak sekarang; 2.* berasa agak kesal atau tidak senang (kerana belum tercapai hajat, keinginan, dsb), terkelindan, terbuku: *aku makan di kedai terasa ~ kalau barang makanan itu tidak dibawa pulang; dia tidak puas dgn nama Ahmad, dia sudah ~ hendak menjadi Haji Ahmad.*

kilan II Jw jengkal;

mengilan menjengkal.

kilang I 1. = **kilangan** apitan, penggilingan (tebu); ~ *getah* kilang tempat membuat getah keping; **2.** bangunan (kelompok bangunan) berserta dgn alat-alat jentera utk membuat (memproses dll) barang-barang: ~ *kopi*; ~ *motokar*; ~ *sabun*; **3.** organ yg tugas utamanya membentuk sebatian kimia yg tertentu, kelenjar: ~ *air liur*; ~ *air mata*; ~ *adrenal* organ vertebrat yg membentuk hormon; ~ *mengetin* kilang tempat mengeluarkan barang-barang dlm tin; ~ *padi* kilang tempat mengisar padi; ~ *papan* kilang tempat membuat papan; *kilangan patah awak itulah menghimpitnya* prb mendapat kesusahan oleh sebab perbuatan sendiri;

mengilang 1. menggiling atau menggolek tebu (utk memerah airnya), mengapit, menghimpit, mengupas (mengisar dll) padi dll

dgn mesin; **2.** membuat (mengeluarkan) barang dgn menggunakan kilang;

sudah ~ membajak pula prb sentiasa menanggung kesusahan (bekerja sepanjang masa dll);

perkilangan 1. kelompok kilang (atau pabrik): *rombongan itu akan melawat pusat-pusat ~ yg mengeluarkan barang-barang di Petaling Jaya*; **2.** usaha (kegiatan) membuat barang-barang dgn kilang: *sangat perlu juga digalakkan perindustrian dan ~*; **3.** yg berkaitan di kilang atau kelompok kilang;

pengilangan perbuatan atau perihal mengilang;

pengilang orang (kumpulan dsb) yg memiliki (mengurus) kilang.

kilang II 1. air tebu; **2.** sj nira yg diminum.

kilangin sj alat jentera yg digerakkan oleh angin (utk mengisar gandum), kincir angin.

kilap I Jw tidak tahu, entah.

kilap II gilap, kilat;

sekilap; *~ mata* sekelip mata, sesaat, seketika: *dgn ~ mata, wang itu disambarnya*;

berkilap berkilat (bercahaya), berkilauan, gilap: *bintang kehormatan yg tersemat di dadanya ~ apabila kena sinar matahari*;

mengilap berkilap: *kecut perutku ketika kulihat doktor itu mengangkat pisau yg ~*;

terkilap terkilat (memancar cahayanya).

kilar sj siput yg boleh dimakan.

kilas I 1. lingkaran rotan (utk mengikat kaki binatang, mengikat pengayuh pd keliti, dll); **2.** sj penyambung yg membolehkan bahagian sesuatu yg dilekatkan (disambungkan) padanya berputar dgn bebas; **3.** Kl

gulung kain sarung pd pinggang: *Muda mengeluarkan rokok daun dr ~ kainnya*; **4.** (Kej) daya yg menghasilkan gerakan berputar yg diukur dlm unit newton-meter, biasanya digunakan dlm motor, bagi menunjukkan kebolehnya memiuh berbanding dgn motor-motor lain;

mengilas 1. mengenakan atau memasang kilas (gelang-gelang rotan), mengeratkan ikatan tali dgn mengumpil; **2.** Kl menggulung kain di pinggang (ketika memakainya).

kilas II Mn kilat;

sekilas = ~ mata = ~ pandangan sekelip mata, selayang pandang, sesaat, seketika: *lamunannya yg ~ itu terganggu oleh suara orang memanggil.*

kilas III berkaitan dgn pukulan dlm permainan mis badminton dan tenis, yg bahagian belakang tangan dlm kedudukan menghala ke pemain lawan: *pukulan ~; servis ~;*

mengilas memulas atau memiuh (tangan): *anggota polis yg menangkap pencuri itu ~ tangannya ke belakang.*

kilat I 1. cahaya yg memancar di langit (biasanya sebelum guruh berbunyi): ~ *sabung-menyabung, guruh berbunyi bertalu-talu menandakan hujan akan turun; secepat (spt) ~ sangat pantas; 2.* cahaya sesuatu yg berkilau (gilap): ~ *pisau; ~ sepatu; 3.* sangat cepat atau pantas: *keputusan ~ keputusan yg dibuat dgn seketika (tanpa berfikir atau berbincang panjang); kereta api ~ kereta api yg berjalan sangat deras; kursus ~ kursus yg tamat dlm masa yg singkat; ~ beliung sudah di kaki, ~ pisau sudah ke tangan, ~ cermin sudah ke muka* prb orang yg bijaksana segera memahami kias (sindiran) orang; ~ *di dlm kilau, kabus di dlm hujan* prb dlm percakapan atau

tingkah laku seseorang, terkandung kemahuannya; *bagai ~ senja, gagai petir tunggal* prb perihal kepantasan dan kegagahan seseorang pahlawan; *hilang ~ dlm kilau* prb tidak kelihatan lagi kebijaksanaan (kemuliaan dll) seseorang apabila sudah dikelilingi oleh orang-orang yg pandai (mulia dll);

sekilat sekilas, sesaat, sekejap, seketika: *matanya ke tingkap ~, kemudian ke muka Abdul Fakar semula;*

berkilat 1. memancarkan kilat, mengeluarkan (menyinarkan) cahaya yg menyerupai kilat; **2.** = **berkilat-kilat, mengilat** bersinar-sinar, bercahaya berkilap (gemerlap), berkilauan, gilap: *beliau berpakaian Melayu warna hitam ~; ia menerkam dgn pisau yg berkilat-kilat di tangannya; belum ~ sudah berbalam, bulan sangkap tiga puluh* prb perkara (hal) yg sudah cukup jelas (terang);

berkilat-kilatan berkilat-kilat, berkilauan: *mata lembing berceracakan ke udara memantulkan sinar yg ~;*

berkilatan berkilat-kilat: *~lah lampu pemotret beberapa kali;*

mengilat 1. memancar (bercahaya) spt kilat, berkilat: *kilat ~ sekali di langit, guruh menyusulnya; kelihatan beberapa orang serdadu Jepun yg berbayonet tajam ~;* **2.** pantas sekali, kelihatan sesaat sahaja: *larinya ~;*

mengilatkan 1. memancarkan (mengeluarkan) cahaya spt kilat; **2.** menjadikan berkilat (berkilap), mengilapkan: *kayu itu dikerat elok-elok, dilicinkan dan dikilatkan;* **3.** = **mengilat-ngilatkan** membayangkan (tujuan dll), menyatakan sesuatu secara tidak langsung, menyindirkan: *maka oleh bendahara sbg dikilat-kilatkan pd raja, akan laksamana juga disebutnya;*

terkilat kelihatan seketika sahaja, terbayang sejurus (dlm ingatan dll): *ia mengingat-ingatkan rupa perempuan muda yg ~ tadi; dlm kenangannya, ~ gambaran yg mengharukan; ~ dlm hati terlintas dlm hati; ~ pd mukanya* kelihatan terbayang pd mukanya;

ikan ~ jala tiba prb sangat cepat bertindak (mengerti maksud kata-kata orang); *~ ikan di air, sudah tahu jantan betinanya* prb sangat cekap (pantas) memahami perkataan orang;

kilatan kilat: *~ batu berlian boleh menentukan nilainya;*

pengilat bahan utk mengilatkan (menjadikan sesuatu kelihatan berkilat): *~ bibir.*

kilat II; *~ bahu* kelat bahu.

kilat III sj tumbuhan (pokok), jangkar paya, *Icicaster planchoni.*

kilau cahaya gemerlap (spt cahaya lampu, permata, dll), cahaya yg bersinar (berkilap): *~ bintang yg menerangi langit;*

berkilau, berkilau-kilauan, kilau-kilauan, kilau-kemilau, kilau-mengilau bercahaya gemerlap, bercahaya berkilap: *laut yg ~ oleh sinaran cahaya matahari; sinar permatanya gemerlap berkilau-kilauan; bintang di langit kilau-mengilau;*

kilauan kilau: *kesibukan bandar itu sudahlah pasti dgn ~ lampu neon yg berbagai-bagai warna.*

kili I Jw sl orang perempuan yg bertapa.

kili II; kili-kili 1. lingkaran kecil rotan yg dicucukkan pd hidung kerbau;

2. sj gelendong, alat utk menggulung tali pancing dll; *~ dayung gelang-gelang sbg pemegang dayung (pengayuh); panjang ~ ki pandai mencari-cari helah atau alasan (banyak dalihnya);*

mengili; *~ layang-layang* menggulung tali layang-layang (kerana hendak menurunkannya).

kili III Mn kelim (jahitan);

mengili mengelim (jahitan).

kilik I ark; ~ *bahu* kelat bahu.

kilik II Jk; **mengilik-ngilik 1.** menggeletek, (supaya berasa geli); **2.** ki menghasut (supaya timbul kemarahan).

kilir I; *batu* ~ sj batu utk mengasah (menajamkan) pisau dll;

mengilir mengasah (menajamkan) pisau dll: *dikilirnya pisau itu sebelum disembelihnya ayam itu;*

kiliran 1. alat (spt batu dll) utk mengilir (pisau dll), pengasah; ~ *budi* alat utk mengasah (menajamkan) otak; ~ *taji* hujung taji yg ditajamkan; **2.** hasil mengilir.

kilir II Mn; **terkilir** terkehel, terpelecok, terpiuh, tergeliat (kaki, tulang, dll).

kilo 1. = *kilogram* seribu gram; **2.** = *kilometer* seribu meter;

berkilo-kilo beberapa (banyak) kilo; ~ *meter* beribu-ribu meter (beberapa banyak kilometer);

kiloan ditimbang dlm ukuran kilogram.

kilo- *awalan asing* seribu (1000), mis *kilometer*, *kilohertz* dan *kilogram*.

kilobait unit ukuran maklumat komputer yg bersamaan dgn 1024 bait.

kilogram unit ukuran berat yg bersamaan dgn 1000 gm atau (= 2.2 lb. atau 1 kati 10 tahl); ~ *kalori* kilokalori; ~ *piawai* ukuran kilogram antarabangsa (= 2.2 lb).

kilohertz unit frekuensi gelombang radio yg bersamaan dgn 1000 hertz.

kilokalori unit tenaga yg bersamaan dgn 1000 kalori, yg digunakan utk mengukur keluaran haba atau nilai tenaga dlm makanan.

kiloliter unit ukuran cecair (= 1000 liter atau 35.31 kaki padu).

kilometer (kilométer) unit ukuran panjang yg bersamaan dgn 1000 meter atau 0.62 batu.

kilotan 1. 1000 tan; **2.** unit kuasa letupan yg bersamaan dgn 1000 tan TNT.

kilovolt 1000 volt.

kilowatt unit ukuran tenaga elektrik bersamaan 1000 watt.

kilowatt-jam unit tenaga elektrik yg bersamaan dgn penggunaan kuasa 1000 watt dlm masa satu jam.

kilt sj skirt berlipat-lipat yg labuhnya dr pinggang hingga ke lutut yg dipakai oleh orang lelaki sbg sebahagian drpd pakaian kebangsaan Scotland.

kima 1. sj siput besar, *Chama gigas*; **2.** kulit lokan.

kimah Ar 1. harga, nilai; **2.** kira-kira, lebih kurang;

terkimah ternilai, terkira (terhitung): *akan segala manusia itu tiadalah ~ banyaknya.*

kimantu ark panggilan bagi orang Cina totok.

Kimaragang suku kaum peribumi di Sabah yg terkenal dgn nama Maragang, kebanyakannya tinggal di daerah Kota Marudu, yg terbahagi kpd beberapa puak kecil, spt puak Garoh, Talantang, Tinagas dan Sonsogon.

kimat □ □ □ **kimah.**

kimbah; mengimbah Kd mengais (pasir dll).

kimbang; terkimbang-kimbang 1. terbang melayang berkeliling (spt burung helang); **2.** ki berasa bimbang atau kkuatir, gelisah (tidak tenang perasaan atau fikiran), bingung.

kimbul ark sj pentas atau anjung di buritan perahu.

kimia = *ilmu* ~ ilmu sains asas yg berkaitan dgn struktur, kelakuan, komposisi dan sifat tindak balas yg berlaku antara atom, ion, unsur, atau sebatian serta hukum-hukum yg menerangkan fenomena kimia; ~ *analisis* cabang kimia yg berkaitan dgn pengenalanpastian bahan (analisis kualitatif) dan penentuan peratus komposisi campuran atau juzuk sebatian tulen (analisis kuantitatif) dgn menggunakan kaedah spt volumetri, kolorimetri, kromatografi, spektroskopi, dll; ~ *fizik* = ~ *fizikal* cabang kimia yg berkaitan dgn sifat dan perubahan fizik yg berlaku semasa tindak balas kimia; ~ *gunaan* cabang kimia yg berkaitan dgn penggunaan teknologi kimia utk memberi faedah secara langsung kpd industri atau utk kebajikan manusia; ~ *haba* cabang kimia yg menyelidiki banyaknya haba yg dikeluarkan atau diserap selama tindak balas kimia, termokimia; ~ *hayat* cabang kimia yg mengkaji proses dan bahan kimia yg ada kaitannya dgn kehidupan tumbuhan dan haiwan, biokimia; ~ *nuklear* cabang kimia yg berkaitan dgn perubahan di dlm nukleus atom; ~ *organik* cabang kimia yg mengkaji bahan yg mengandungi karbon (kecuali karbida logam, oksida karbon, dan sulfida karbon); ~ *perindustrian* cabang kimia yg berkaitan dgn penggunaan proses kimia dlm industri; ~ *tak organik* cabang kimia yg mengkaji bahan yg tidak mengandungi karbon; *ahli* ~ orang yg ahli dlm bidang kimia; *baja* ~ baja yg diperbuat dgn cara kimia; *gabungan* ~ percantuman bahan-bahan kimia menerusi proses kimia (perpaduan kimia); *unsur* ~ bahan yg tidak dapat dipecah-pecahkan menjadi bahan yg lebih ringkas (sederhana) dgn cara kimia.

kimia berkaitan dgn kimia.

kimkha sj kain yg halus dan berbunga-bunga.

kimlo C sj sayur berkuah.

kimono (Jepun) sj baju labuh berlengan besar dan berbengkung yg dipakai oleh wanita Jepun;

berkimono memakai kimono: *beberapa orang wanita yg kelihatan ~ dlm majlis itu tentunya wanita Jepun.*

kimpa ark□□□**kimpal**.

kimpal padu (tidak kosong dalamnya), padat; *emas* ~ emas tempaan atau emas yg telah dibuat sesuatu (bukan emas urai);

mengimpal 1. memukul atau menitik (emas dll) utk dibuat sesuatu, menempa (emas dll); **2.** mencantumkan (menyambung) besi dll dgn jalan memanaskan dan memukulnya;

kimpalan 1. cantuman (sambungan) antara dua bahagian logam spt besi dll yg terbentuk secara mengimpalkannya; **2.** hasil perbuatan mengimpal;

pengimpalan proses atau perbuatan mengimpal;

pengimpal orang yg mengimpal, tukang kimpal.

kimpul I sj tumbuhan (herba), birah hitam, keladi hitam, *Xanthosoma violaceum*.

kimpul II Jw sj beg kecil (tempat menyimpan wang dll).

kimpus Mn; **terkimpus** cengkung atau cekung (pipi dll), lekuk.

kimput ark kecut (hati), gentar, takut.

kina Id sj tumbuhan (pokok yg kulitnya digunakan utk membuat ubat bagi penyakit malaria), kuinin, *Cinchona spp.*

kinang I Jw sirih yg dibubuh kapur dll, sekapur sirih;

menginang makan sirih.

kinang II□□□**ginang-ginang**.

kinantan **1.** putih seluruhnya (ayam dll); *ayam (kuda) ~ ayam (kuda)* yg putih seluruh tubuhnya; **2.** ki istimewa, luar biasa (kepandaiannya, keberaniannya, dll): *akan anak Mak Guna yg ~ itu sekali-kali tak teringat oleh emak Amin;*
bagai ~ hilang taji prb orang yg bijak (kaya dll) yg tidak lagi mendapat penghargaan (penghormatan) orang.

kinayah Ar contoh yg tersembunyi pengertian atau maksudnya, yg dapat difahami tanpa keterangan lain.

kinca Jw air gula, tengguli.

kincah; mengincah **1.** menggoncang-goncang cucian dlm air (utk menghilangkan kotoran), membersihkan (daging dll); **2.** mencuci kemaluan atau pelepasan, mencebok; **3.** mengacau (menampar-nampar) air supaya keruh; *busuk daging dikincah dimakan, busuk ikan, dibuang* prb kalau saudara-mara yg melakukan kesalahan, dicari jalan utk membersihkan namanya, tetapi kalau orang lain, dibiarkan sahaja.

kincah; terkincak-kincak terlompat-lompat sambil menggerakkan kaki dan tangan.

kincah; kecoh-~ Mn bermacam-macam helah atau tipu daya.

kincah □ □ □ **kincah.**

kincau ark; **ingincau** mencampur (dgn mengacau dll), mengaduk.

kincau **1.** = ~ air sj roda yg dipasangkan pencedok air pd lingkarannya utk mengairi sawah dll: ~ air digunakan utk mengambil air yg jauh di bawah dan tidak dapat mengalir ke sawah; **2.** = ~ air sj roda besar yg diputar dgn kuasa air utk menggerakkan alat jentera; **3.** = ~ angin sj roda besar yg digerakkan oleh angin (utk mengisar gandum dll); **4.**

= ~ *angin* baling-baling; **5.** roda pemintal (penggulung) benang, rahat;

~ *padi* Mn alat utk menggiling (mengisar) padi, penggilingan padi;

berkincir; ~ *alir* = *kincir alir* Mn pintar (cekap) dlm menjawab dll;

kinciran jentera (roda) yg digerakkan oleh air (angin dll).

kincit terkeluar sedikit najis (dgn tidak dapat ditahan), tercirit sedikit.

kincung kecoh.

kincup kecil lubangnya, sempit (lubang hidung dll);

mengincupkan menjadikan kincup.

kindap Kl; **terkindap-kindap** kian ke mari mengintai-intai (spt orang mencari-cari atau melihat-lihat sesuatu).

kindergarten bp□tadika.

kinematik (kinématik) **1.** (Komp) proses memplot atau menganimasikan pergerakan sesuatu bahagian struktur yg sedang direka bentuk dlm kejuruteraan bantuan komputer; **2.** (Mat) cabang matematik gunaan yg mengkaji bagaimana halaju dan pecutan pelbagai bahagian sesuatu sistem bergerak dihubungkan.

kinesik (kinésik) kajian tentang gerak isyarat dlm komunikasi, termasuk mimik dan pergerakan tubuh badan.

kinetik (kinétik) **1.** bergantung pd gerakan permukaan atau isi padu utk mendapatkan kesannya; **2.** (Kim) kajian bkn mekanisme kadar tindak balas dan faktor yg mempengaruhi tindak balas spt tekanan, suhu, dan bahan tindak balas; **3.** (Fiz) kajian bkn perilaku tenaga apabila sesuatu bergerak; ~ *kimia* kajian tentang mekanisme, kadar tindak balas, dan faktor (spt tekanan, suhu, kepekatan, dll) yg mempengaruhi kadar tersebut.

kinetin (kinétin) (Bio) sj hormon yg digunakan utk merangsang pembahagian sel pd tumbuhan.

kingka □ □ □ **kimkha**.

kingking, kingkip, kingkit; limau ~; □ □ □ **limau**.

kini sekarang ini, waktu ini: ~ *segala-galanya yg selama ini dirahsiakan telah diketahui umum; hingga ~ ke atas* dr sekarang (ketika ini) dan selanjutnya;

kekinian 1. keadaan terbaru atau mutakhir: ~ *padanan dlm bahasa sasaran;* 2. keadaan masa kini: *seorang penulis menyedari kehadirannya dlm ruang waktu ~nya;*

terkini yg paling kini, terbaru: *penyelidikan yg ~ dlm ilmu bahasa.*

kinja; lompat ~ = berkinja-kinja melonjak-lonjak (kerana kegirangan dll), melompat-lompat, meloncat-loncat;

terkinja-kinja terlonjak-lonjak atau terloncat-loncat (kerana kegirangan dll): *beberapa orang budak sedang bermain-main dan ~ di halaman rumah.*

kinjang; terkinjang-kinjang terkinja-kinja, terlompat-lompat.

kinjat ark; **terkinjat** tersentak, terlompat, terperanjat.

Kintak penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Negrito, yg tinggal di kawasan pinggir daerah Grik, Hulu Perak, Perak.

kintal I Jw sj katak (boleh membuncitkan perutnya).

kintal II □ → □ **kuintal**.

kinyam Mn; **menginyam** mengecap; □ □ □ **kenyam**.

kinyang sj hablur yg dipakai utk batu permata dsb.

kios pondok kecil tempat menjual rokok, surat khabar, dll: *buku-buku dan majalah-majalah dapat dibeli di ~.*

kip penggalak senapang; **kep**.

kipa Jk ark tempang atau pincang (kerana kudung sebelah kakinya).

kipai ark; **mengipaikan** mengibas-ngibaskan (ekor).

kipan tenuk; □□□ **cipan II**.

kipang Mn sj kuih yg dibuat drpd kacang tanah (bijan dll) yg dimasak dgn gula, sj tenteng.

kipar sj kain yg tenunannya bergaris-garis; □□□ **kepar**.

kipas I 1. alat yg dikibas-kibaskan utk menggerakkan atau mengadakan angin (utk menyamankan badan): *sebelah tangannya mengibas-ngibaskan ~ ke badannya yg berpeluh*; **2** = ~ angin alat yg mempunyai bilah-bilah yg berputar ligat utk mengadakan atau menggerakkan angin (supaya keadaan di bilik dll terasa nyaman); **3.** alat yg mempunyai bilah-bilah yg berpusing utk menjalankan enjin kapal terbang dll, baling-baling, propeler;

~ *air* alat utk menyapu air pd kaca kereta (biasanya pd waktu hujan turun); ~ *angin* = ~ (*angin*) *elektrik* bilah-bilah (baling-baling) yg dipusingkan dgn kuasa elektrik utk menyejukkan atau menyamankan keadaan dlm bilik dll; ~ *berdiri* kipas angin yg dicagakkan pd tiang yg mempunyai tapak; ~ *dinding* kipas angin yg dipasang pd dinding; ~ *gantung* kipas siling; ~ *kotak* kipas angin yg berbentuk kotak; ~ *meja* kipas berdiri yg rendah, biasanya diletakkan di atas meja; ~ *siling* kipas angin yg dipasang tergantung di siling (rumah dll);

berkipas 1. mempunyai kipas, menggunakan kipas; **2.** (sedang) menyejukkan (mengangini) diri dgn kipas; **3.** = **berkipas-kipas** mengibas-ngibaskan atau melambaikan ekor dll;

mengipas 1. Id bergerak-gerak kencang (bkn jantung); **2.** = **mengipasi** menyejukkan (badan dll) dgn mengibas-ngibaskan kipas dll: *Najelah ~ dadanya kerana kepanasan*;

mengipas-ngipas mengipasi: *dia memusing-musingkan topi itu seolah-olah ~ badannya;*

mengipaskan 1. mengibaskan (kipas, sayap, dll); 2. menepis (menangkis) dgn tangan dll: *pemuda itu menghulurkan tangannya hendak memegangnya tetapi segera dikipaskannya;*

pengipas orang yg mengipas.

kipas II; *pokok* ~ sj tumbuhan (herba, rizomnya dibuat obat), *Belamcanda chinensis*; *rumpit* ~ sj tumbuhan (herba), *Philydrum lanuginosum*.

kipper IB, bp penjaga gol (dlm permainan bola sepak dll).

kiprat Jk; **mengipratkan** 1. menepis, menangkis (dgn tangan): *tangannya meraih-raih hendak memeluk Martini, tetapi dikipratkan oleh Martini*; 2. merenjiskan, memercikkan air dgn tangan.

kipsiau C teko (tempat membuat teh dll), cerek (dibuat drpd tanah).

kipu ark tukang, juru, pandai; ~ *kayu (besi dll)* tukang kayu (besi dll).

kir; **dikir** bp disiasat (diselidiki) kebaikan dan keburukannya (kelemahannya).

kira 1. pendapat (yg berdasarkan perasaan, telahan, dsb), anggapan, sangka: *pd ~nya tidak ada yg berani menentang pegawai itu*; 2. fikir, rasa, anggap: *saya ~ malam nanti baru ia tiba di sini*; 3. taksiran, hitung; ~ *kasar* hitung kasar; *juru*~ orang yg menyiapkan (menyediakan) buku kira-kira perniagaan dll; *masuk* ~ masuk hitung, dihitung; *mesin* ~ alat (mesin) utk menghitung (spt mencampur, menolak, dll); 4. = **kiraan** pertimbangan, perhitungan, taksiran: *menurut kiraan ibu bapanya, Hayati sudah patut benar dikahwinkan*; *belakang* ~ bp nanti (kemudian akan) diberi pertimbangan (perhitungan); 5. peduli, mengendahkan,

menghiraukan: *saya tak ~, apa juga pekerjaan, boleh saya kerjakan; saya tidak ~ kawan, tidak peduli saudara siapa;*

kiranya **1.** pd anggapannya (sangjanya): *~ orang tidak tahu kecurangan yg dilakukannya;* **2.** hendaknya, semoga, mudah-mudahan: *barang dilanjutkan Allah Taala ~ umur Duli Yang di-Pertuan;* **3.** = jika (kalau) ~ = **sekiranya** kalau, kalau-kalau, seandainya: *maafkan kami ~ kami mengganggu; jikalau ~ ada Hang Tuah hidup, adakah ampun duli tuanku akan dia?* **4.** barangkali, agaknya, rasanya, rupanya: *dilambaikannya tangannya, dgn segera aku pegang, ~ tangan itu sangat panas; Oh, karya As ~!* **5.** alih-alih, rupa-rupanya: *kujangka sudah banyak yg ada di sana, ~ aku yg pertama tiba;*

sekira, sekiranya kiranya, kalau: *mereka asyik mengatur cara-cara mengawal keamanan sekiranya berlaku kecemasan;*

kira-kira **1.** lebih kurang: *~ seribu orang telah dijemput utk menyaksikan upacara tersebut; kami tiba di bandar itu ~ pukul 6 petang;* **2.** = ilmu ~ perhitungan (mengenai kewangan, perangkaan, dll), taksiran, rancangan (pendapatan dan perbelanjaan), ilmu hisab: *maka jikalau tiada tahu ~ kelak, bagaimana engkau hendak berniaga jual beli?; buku ~ buku tempat mencatat kira-kira kewangan (perniagaan, kesatuan, dll); buku ~ harian buku harian, buku utk mencatat kira-kira urusan perniagaan hari-hari; ilmu menyimpan ~ pengetahuan mencatat butir-butir mengenai perbelanjaan dan penerimaan wang; tidak termasuk dlm ~ tidak termasuk dlm perhitungan (taksiran);* **3.** rasanya, agaknya, barangkali, kalau-kalau: *~ ia tidak mahu menerima wang itu;* **4.** dugaan, agak-agak, sangka-sangka: *kalau tidak tahu akan jawabnya,*

akui sahaja, jangan ~; **5.** bp jangan (tidak) terlalu banyak atau terlampau sangat; *tidak ~* terlampau sangat; **6.** fikiran, akal, angan-angan; *panjang ~* panjang akal (tidak sempit fikirannya); *terbuka ~* terbuka fikirannya; *~ bahagi* kira-kira (ilmu hisab) bkn memecahkan sesuatu angka dgn angka lain; *~ campur* kira-kira (ilmu hisab) mengenai membesarkan angka dgn menjumlah (mencampurkan angka), penjumlahan; *~ darab* ilmu hisab bkn membesarkan sesuatu angka dgn memperkalikannya dgn angka lain; *~ pecahan* kira-kira (ilmu hisab) mengenai angka pecahan (angka yg kurang drpd satu); *~ tolak* kira-kira (ilmu hisab) bkn mengurangkan angka;

sekira-kira **1.** kira-kira, lebih kurang: *~ sebahara emas harganya*; **2.** sekadar(nya): *perkhidmatan kereta api di sana mendatangkan hasil hanyalah ~ dapat memulangkan modal dan menanggung perbelanjaannya*;

berkira = berkira bicara;

berkira-kira **1.** berura-ura, berhitung-hitung, berfikir-fikir, menimbang-nimbang: *maka Raja Chulan pun ~ hendak menyerang negeri China; aku mengeluarkan perkataan-perkataan itu dgn tidak ~ lagi*; **2.** bercadang-cadang (berniat, bersedia-sedia) hendak berbuat sesuatu, beragak-agak: *lama sudah ia ~ hendak melancong ke negeri-negeri Eropah*;

mengira **1.** menghitung (wang dll), mencongak: *bibirnya kumat-kamit ~ wang yg baru diterimanya*; *~ luas bulatan dgn menggunakan formula*; **2.** memikirkan, memperhitungkan, mempertimbangkan: *hatinya cuba ~ sendiri tentang kebaikan dan keburukan anjuran sahabatnya itu; dlm perbincangan itu dibangkitkannya masalah-masalah yg dikiranya perlu diatasi*;

soalan itu dikemukakannya dgn tidak ~ kesibukan orang; 3. menjangka, menduga, menyangka: pertemuan itu tidak semeriah yg dikira; tepat dgn apa yg dikira, pesawat-pesawat Jerman menghujani konvoi dgn peluru dan bom; 4. menganggap, berpendapat, menyifatkan: barangkali ada antara pembaca yg ~ syair tersebut sbg syair bebas; kehidupannya bolehlah dikira senang juga; setiap rencana yg telah saya tulis saya kira tidak bermutu; 5. mengambil berat, menghiraukan (mengendahkan, mempedulikan): ia hanya suka merapik, orang gila tak boleh dikira;

mengira-ngira 1. menghitung-hitung, mencongak-congak: *pelayan itu tersenyum sambil ~ harga minuman; 2. memikir-mikir, menimbang-nimbang, mentaksir-taksir: Basir ~ hotel mana yg mampu ditumpangnya;*

mengirakan, mengira-ngirakan menghitung dgn kira-kira (ilmu hisab), menaksir, menilai, mengagak-agakkan: *ia khuatir sebab lamanya ayahnya dlm perjalanan sudah melebihi waktu yg dikira-kirakan;*

terkira terhitung, terduga: ~ dua kali; tidak ~(-kira) a) tidak terhitung, sangat banyak; b) = tidak terkirakan tidak terkatakan (tergambarkan), terlalu sangat, tidak terduga (tersangka);

kiraan = kira-kiraan hasil mengira, hitungan, perhitungan: *segala ukuran dibuat mengikut ~ inci; barang-barang yg tersimpan di dalamnya menurut ~ saya lebih banyak drpd yg terdapat di Muzium Negara; ~ kasar hitungan kasar (tidak terperinci);*

perkiraan 1. kiraan, perhitungan: *angka yg diberikan itu berdasarkan ~ pukul rata; pinjaman itu dikenakan bayaran faedah dgn ~ 4%; 2. pertimbangan, taksiran: perkara-perkara yg penting*

diserahkan kpd ~ ibu bapa mereka; menurut ~ umum, peperangan itu tidak akan tamat dlm jangka waktu yg singkat;

pengiraan perihal atau perbuatan mengira (menghisab, menghitung), penaksiran;

pengira orang yg mengira, penghitung.

kira bicara 1. tutur kata, cakap; *dgn tidak banyak ~ dgn tidak banyak cakap; 2.* berbincang, berunding: *Samaun bukan orang yg boleh dibawa ~;*

berkira bicara bercakap, berbual, berbincang.

kirah KI; mengirah membuang atau mencurahkan (air, minuman, dll).

kirai I; mengirai 1. = **mengiraikan** mengibas-ngibaskan dgn keras (supaya hilang debu dll), mengirapkan, mengepak-ngepakkan atau menggoyang-goyangkan (sayap, bulu, dll): *~ kain sebelum menjemurnya; 2.* menampi (beras dll) dgn menggerak-gerakkan bekas (spt nyiru dll); **3.** menyebarkan (membentangkan, menyerakkan) padi dll (utk dijemur); **4.** membongkar atau merombak (susunan pakaian dll): *tangannya ~ fail mencari sesuatu; terlalu keras periksanya sehingga tiap-tiap helai kain dan baju dikirai dan habis badan diperiksa;*

terkirai-kirai 1. tersampir atau tergantung berkibar-kibar (bkn pakaian yg dijemur dll); **2.** tanggal (hilang, berterbangan) kerana dikirai-kiraikan (digoncang).

kirai II jalur, carik panjang; *roti ~ sj kuih yg dibuat drpd adunan tepung yg cair yg dimasak dlm kualiti kering, roti cecair, roti jala.*

kirai III 1. sj tumbuhan (palma), gemia, rembia, rumbia, sagu, *Metroxylon rumphii (sagu); atap ~ atap yg dibuat drpd daun nipah; 2.* Br daun rokok (penggulung rokok) drpd daun nipah; *akar ~ sj tumbuhan*

(pokok memanjat), akar kelupas, dalu-dalu bukit, dedalu bukit, pepina, *Hiptage sericea*.

kirai IV; *janda sekali* ~ janda pertama kali.

kirai V Br kening: *~nya lebat*.

kirana ark **1.** sl sinar; **2.** ki cantik, elok, indah.

kirap I; **mengirap 1.** mengibar-ngibarkan (mengibas-ngibaskan, mengepak-ngepakkan) sayap; **2.** menggerak-gerakkan perisai ke atas ke bawah, menangkis-nangkis dgn perisai: *dikirapnya perisai menyalahkan parang pendekar itu*;

mengirapkan 1. mengibaskan, mengepakkan (sayap), mengiraikan (kain dll); **2.** menggerak-gerakkan ke atas ke bawah dsb (perisai, penangkis, dsb), mengayunkan.

kirap II; **mengirap** hilang, hapus, lenyap, luput: *~ ghaib kemegahan diri; nama Ema telah ~ bertukar dgn nama ibu Beino yakni isteri Pak Beino*;

mengirapkan menghilangkan, menghapuskan, melenyapkan, meluputkan: *puas ia mencuba hendak ~ segala perasaan waswasnya*.

kiras sj tumbuhan (pokok yg kayunya dipakai utk bahan rumah), *Carcinia celebica*.

kirau ark belum masak (bkn buah), mengkal, engkah-engkah (bkn buah-buahan).

kirbat sj pundi-pundi drpd kulit (tempat mengisi air anggur dll); *~ es* Id sj kantung drpd getah yg diisi air batu utk menyejukkan (menjaram) kepala dsb.

kiri 1. lwn kanan; *tangan* ~ tangan kidal (lwn tangan kanan); *~ kanan a* kedua-dua sisi atau bahagian sesuatu (spt sungai, jalan, dll), kiri dan

kanan: *di ~ kanan lorong sempit itu, terdiri beberapa buah rumah; orang ~ kanan orang sebelah-menyebelah rumah, jiran; b) = kanan ~nya* Jw lebih kurang, kira-kira; **2.** cenderung menggunakan tangan kiri apabila membuat sesuatu, kidal; **3.** ki kurang baik, malang (sial, celaka, dsb); *langkah ~* tidak kena masanya atau tempatnya (perbuatan, tindakan, dll), sial (mendatangkan keburukan dll); **4.** miring (cenderung) ke arah faham sosialis atau komunis (bkn pertubuhan atau pergerakan politik dll): *parti ~; pihak ~;*

mengiri menepi (menuju, berundur, dll) ke sebelah kiri;

mengirikan **1.** mengundurkan (mengalihkan, meletakkan, dll) ke sebelah kiri; **2.** mengetepikan, membiarkan dahulu (kerana kurang mementingkan), mengesampingkan: *perkara itu boleh dikirikan dahulu;* **3.** menyingkirkan atau membuang (drpd kumpulan dll): *orang yg dikirikan drpd masyarakat;*

terkiri terletak ke sebelah kiri (ke kiri atau lebih ke kiri dr tempatnya yg sebenar atau yg sepatutnya), berada di sebelah kiri sesuatu.

kirik I; mengirik memijak: *ya Allah, mati badanku dikiriknya!;* ~ *padi* memijak-mijak padi (utk menanggalkan butir-butir padi drpd tangkainya);

pengirik; ~ *padi* alat utk mengirik padi.

kirik II Jw; **mengkirik** berdiri (seram) bulu roma (kerana ngeri, ketakutan, dll).

kirik III Jw anak anjing.

kirim bp = berkirim, mengirim, mengirinkan;

berkirim (sedang) menyampaikan atau meminta supaya disampaikan: *ada lagi Raja ~ kpd Tuan Bonham seekor kambing*

kembiri; ~ surat; ~ salam (sembah); ~ diri sl menyerahkan diri utk dilindungi;

berkirim-kiriman saling berkirim (surat dll): *mereka berdua sudah kerap kali ~ surat;*

mengirim 1. menyampaikan atau menghantar (surat dll) menerusi sesuatu (spt pos dll): *biasanya Karim ~ surat sebulan sekali; 2. = mengirinkan* menyuruh pergi ke sesuatu tempat, menghantar, mengutus: *Amerika sedia ~ rombongan pakar itu bila-bila masa sahaja; 3.* Jk menyerahkan (mengamanatkan, menumpangkan) barang pd seseorang atau sesuatu tempat (utk disimpan, dijual, dll), menitipkan;

mengirimi berkirim (mengirim, mengirinkan) kpd: *selalu dia ~ saya surat menceritakan keadaan dirinya;*

terkirim sudah dikirim (dikirinkan);

kiriman 1. sesuatu yg dikirim, pemberian (yg dihantar, dikirim): *ia sangat mengharapkan wang ~ anaknya; terimalah pula limau manis ~ dr Semarang; ~ pos* wang yg dikirim dgn cara tertentu melalui pos; **2.** Jk sesuatu yg diamanatkan (diserahkan) utk disimpan (dijual dll), titipan;

pengiriman perihal (perbuatan, usaha, dsb) mengirim (menghantar): *mereka membantah keras ~ tentera ke negeri tersebut; pemogokan pekerja-pekerja pelabuhan mengganggu ~ barang ke luar negeri;*

pengirim orang dll yg mengirim: *surat ini untukmu tetapi nama ~nya tidak dinyatakan.*

kirip; *siput* ~ sj siput (boleh dimakan).

kirmizi warna merah tua.

kiru sj tumbuhan (pokok kecil), pisang-pisang bukit, pokok ringkai jerenang, *Mitrephora reticulata*.

kiruh Jk **1.** keruh; **2.** ki kacau, tidak tenteram (keadaan dll).

kirung; berkirung berlukis dgn gambar dll (pd kulit tubuh).

kiryah, kiryat Ar ark dosa.

kisa I sj jala (pukat) kecil;

mengisa menjala (menjaring) dgn kisa.

kisa II sj pundi-pundi (kantong) kecil.

kisah hal, cerita, kejadian, riwayat: *Daim menceritakan ~ pemergian Zaini itu kpd Zalizah; guru membincangkan ~ pembiakan nyamuk; ~ Sang Kancil menipu Maharaja Singa; ~ ibarat kisah yg watak-watak dan kejadian-kejadian di dalamnya melambangkan atau meneladani sesuatu;*

berkisah menyampaikan sesuatu kisah: *yg pandai bercerita dan mahir ~;*

mengisahkan menceritakan, meriwayatkan: *buku ini ~ pengembaraan dan penghidupan seorang yg masyhur; ia telah menulis sebuah rencana yg ~ pergerakan wanita di Indonesia;*

pengisahan perihal (perbuatan dsb) mengisahkan;

pengisah tukang cerita (kisah dll).

kisai Mn; **mengisai** mengayak (tepung dll); *~ benang bulang menguraikan ikatan benang pengikat taji;*

kisaian ayakan, pengayak.

kisar I putaran (bumi dll) pd paksi atau sumbu putarannya;

berkisar **1.** berputar, berpusing (bkn roda, angin, dll); **2.** berpindah, beralih, bertukar (tempat): *duduknya sudah ~ , tidak lagi menghala tingkap;* **3.** beredar di sekitar sesuatu perkara (bkn perbualan,

perbincangan, dll), bertumpu (berpusat) pd: *cerita Kamal itu kebanyakannya ~ pd kampung halamannya; perbualan mereka ~ pd kisah darurat; duduk ~ tegak berpaling* prb Mn tidak menepati janji atau kata-kata yg telah dibuat;

berkisarkan berkisar pd, bertemakan: *cerpen-cerpen tersebut ~ percintaan dan perjuangan merebut hati teruna dara;*

mengisar 1. memutar, memusingkan (roda, jam, dll); **2.** menggiling (padi dll) utk mengupas kulitnya: *kilang ~ padi;* **3.** memindahkan, mengalihkan, mengesotkan, menggerakkan: *sekali lagi Pak Jalil ~ punggungnya di atas kerusi; Laksamana pun ~ keris penduanya serta memperbaiki keris panjangnya;* **4.** mengubah atau menukar (pendirian, pandangan, janji, dll): *cinta hanya kpd orang yg satu dan tiadalah ia dapat dikisar-kisar kpd orang lain;* **5.** menghancurkan (makanan), menghadam: *hempedal ~ makanan yg ditelan sebelum masuk ke dlm usus;* **6.** memusing (biji mata), beralih memandang: *Karim ~ biji matanya; semua mata ~ ke hala Sidek;* **7.** menyerahkan (memberikan) kpd orang lain; **8.** menggadaikan, menjual;

terkisar dikisar: *dlm hempedal inilah makanan itu ~;*

kisaran putaran, pusingan; ~ *angin pusingan angin;* ~ *biji mata* putaran biji mata;

perkisaran perihal berkisar, perputaran; ~ *harga* perubahan harga yg semakin tinggi;

pengisaran 1. perihal (kerja, perbuatan, dsb) mengisar, pemutaran; **2.** pemindahan, pengubahan, penggantian;

pengisar 1. alat utk mengisar, penggilingan: ~ *padi; gigi ~ gigi* utk menghancurkan (melumatkan) makanan; **2.** orang yg mengisar (padi dll).

kisar II; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok renek), bunga kembang lohor,
Abutilon indicum.

kisas Ar qisas.

kisi I; kisi-kisi 1. batang-batang drpd kayu atau logam (besi dll) yg dipasang berdiri (pd tingkap dll), jeruji, terali, kekisi: *penjara yg ada sekarang ini berpuluh-puluh jendelanya, dan ~nya semuanya drpd besi*; **2.** palang (drpd kayu dll) yg menghubungkan gandar (pusat) roda dgn lingkarannya; **3.** celah (pintu dll);

berkisi 1. = **berkisi-kisi** memakai (mempunyai) kisi-kisi: *setiap tingkap rumah itu ~*; **2.** = ~ *kpd bertumpu (berpusat) pd*.

kisi II; *ular* ~ sj ular kecil.

kisik I Jk; **kisikan** bisikan; □ □ □ **kasak**.

kisik II Mn ark; **mengisik** menumbuk (tidak dgn kuat).

kisi-kisi sj tumbuhan (pokok), ganda rusa, temenggung melela, urat sugi,
Gendarussa vulgaris.

kisip tidak berbiji atau sangat kecil bijinya; □ □ □ **kesip I**.

kisit; **mengisit** membuang daun (kelapa dll) supaya tinggal pelepahnya atau lidinya, memotong rumput.

kismat, kismet Ar **1.** nasib (untung atau malang), bahagian (seseorang); **2.**
bp apa boleh buat.

kismis buah anggur yg telah dikeringkan.

kisut berkedut, berkerut (tidak licin), lisut: *ia telah tua, mukanya telah agak ~*; ~ *lisut* sangat berkedut;

mengisut mulai kisut, menjadi kisut;

mengisutkan menjadikan kisut (lisut), mengedutkan.

kiswah Ar kelambu hitam yg menutupi Kaabah.

kit set bahagian-bahagian yg sedia utk dipasang: ~ *pesawat terbang moden; rumah* ~ rumah (kedai) tempat menjual candu.

kita **1.** kata ganti bagi diri orang yg bercakap serta sekalian yg hadir (mendengarnya), saya dan kamu semua: *janganlah kerana dia pula, rumah tangga* ~ *menjadi hancur*; **2.** = ~ *orang* bp saya serta sahabat-sahabat saya dll (tidak termasuk orang yg dilawan bercakap), kami: *boleh engkau menulis Quran nanti, ~ orang beli*; **3.** bp saya: *awak yg mengurus perkara itu, ~ yg ditanyai*; **4.** aku, saya (oleh raja, orang bangsawan atau orang besar-besar kpd orang kebanyakan atau orang bawahannya): *tiada raja besar dlm dunia ini drpd ~ dan tiada siapa pun yg tahu akan bilangan rakyat* ~; **5.** ark kata ganti bagi orang kedua, awak, kamu; **6.** Br, bh awak (kata ganti nama diri kedua dlm bentuk tunggal);

kekitaan; *semangat* ~ semangat bekerjasama (bantu-membantu) dlm sesuatu kumpulan (masyarakat dsb), semangat persaudaraan.

kitab **Ar 1.** buku suci (yg mengandungi perkara-perkara keagamaan spt hukum, ajaran, dll): *Quran ialah ~ yg akhir drpd Allah; ~ Allah al-Quran; ~ Injil* kitab yg diturunkan kpd Nabi Isa; ~ *suci* a) = *kitabul-kudus* kitab mengenai hal-hal agama (spt al-Quran dll); b) kitab Injil dan Taurat; ~ *Taurat* kitab yg diturunkan kpd Nabi Musa; ~ *Zabur* kitab yg diturunkan kpd Nabi Daud; **2.** ark buku (mengenai berbagai-bagai perkara): *maka adalah aku karangkan akan ~ ini darihal hikayat diriku*;

~ *loghat* ark buku yg mengandungi perkataan-perkataan dan ertinya, kamus; ~ *ramalan* buku yg digunakan utk melihat nasib atau mengetahui sesuatu yg akan berlaku; ~ *turutan* buku pelajaran huruf

atau bahasa Arab peringkat permulaan; *~-kemitab* berbagai-bagai kitab;

berkitab memakai (mempunyai) buku suci; *tidak ~* tidak berpandu kpd kitab, tidak beragama, kafir;

pengitaban; *~ hukum* Id pengumpulan dan penyusunan hukum (undang-undang).

kitab Ar yg berkitab, yg menggunakan atau berdasarkan kitab (selain penganut agama Islam, iaitu umat Kristian dan Yahudi).

Kitabullah Ar al-Quran, al-Kitab.

kitai; **mengitai-ngitaikan** mengibas-ngibaskan jari atau tangan (kerana kesakitan): *jarinya terkena seterika panas lalu dikitai-kitaikannya kerana kesakitan*;

terkitai-kitai menggeletar (spt tangan orang tua), mengibas-ngibaskan jari atau tangan (kerana kesakitan).

kitang; *ikan ~(-kitang)* sj ikan laut, kembang, *Scatiphagus argus*.

kitar I; *~ semula* kitaran semula;

sekitar 1. sekeliling: *suasana di ~ tempat itu sunyi senyap; yg banyak diperbualkan mereka ialah kejadian-kejadian penting di ~ tanah air*; **2.** bp lebih kurang, kira-kira: *gajinya ~ dua ratus ringgit sebulan*;

sekitaran keadaan di sekeliling (sesuatu), keadaan dsb yg menjadi spt latar belakang (seseorang atau sesuatu): *kita tidak dapat mengelakkan drpd menimbangkan aspek bahasa spt ~ dan latar belakang bahasa murid; sahsiah dan tingkah laku individu boleh menjadi negatif atau positif bergantung kpd keturunan dan suasana ~ keluarganya*;

berkitar berkisar, berpusing, berputar (bkn roda dll), beredar (spt bumi di keliling matahari); *bintang* ~ bintang beredar, bintang siarah, planet;

mengitar 1. = **mengitar-ngitar** berkisar(-kisar), berputar(-putar); **2.** = **mengitar-ngitar** berkeliling, beredar; **3.** = **mengitar-ngitar** memusing-musing, memutar-mutar: *serta dikitar-kitarnya tombaknya, lalu ditikamkan pd dada Tun Tuah*; **4.** = **mengitari** mengelilingi, mengedari: *ia bangkit lagi dan berjalan ~ lantai yg dilapisi permaidani; memandu kereta ~ bandar*;

mengitari bergerak berkeliling (sesuatu), mengedari;

mengitarkan menjadikan berkitar, memutarakan, mengisarkan: ~ *enjin*;

terkitar-kitar berputar-putar, berpusing-pusing;

kitaran gerakan berkitar, kisanan;

~ *hidup* (Bio) beberapa peringkat hidup yg dialami oleh sesuatu organisma dr peringkat persenyawaan ovum sehinggalah ke peringkat matang, dan seterusnya ke peringkat persenyawaan ovum pd generasi seterusnya; ~ *semula* benda (spt surat khabar, botol kaca) yg diproses supaya dapat digunakan semula;

perkitaran peredaran, perkisaran, perpusingan;

pengitaran pemutaran, pemusingan;

persekitaran kawasan di sekeliling sesuatu tempat, kawasan sekitar: *tiba-tiba sahaja muncul matahari dan menerangi persekitarannya*.

kitar II Mn; **mengitarkan**, **memperkitarkan** menolakkan (menyorongkan) ke tepi.

kitar III Tr berikhtiar, berusaha (utk mendapat sesuatu).

kitik Jk; **mengitik**, **mengitik-ngitik** menggeletek, menggelikan, menggilik-gilik.

kiting; **sekiting** ark bp sangat sedikit.

kitiran Jw bilah-bilah drpd kayu dll yg boleh berpusing (kerana ditiup angin dll), baling-baling.

kiu kayu panjang utk menyodok (menojok) bola biliard.

kiub benda yg mempunyai enam permukaan yg semuanya berbentuk empat persegi dan sama besarnya (spt dadu), kubus;

~ *berpusat jasad* (Kim) unit struktur bagi hablur berbentuk kiub yg terdiri drpd satu atom di setiap penjuru dan satu atom di pusat kiub;

~ *berpusat muka* (Kim) unit struktur bagi hablur berbentuk kiub yg terdiri drpd satu atom di setiap penjuru dan pusat mukanya; ~

rebusan bahan drpd air rebusan daging, ikan atau sayur-sayuran yg dikeringkan dan berbentuk kiub, digunakan utk membuat sup, dlm masakan dsb.

kiuk I; **terkiuk** terpulas, terkehel, tergeliat;

berkiuk mengeluarkan bunyi kiuk kerana kesakitan (terutamanya di bahagian leher): *ayam itu ~ dan melompat keluar*.

kiuk II sj dadu panjang (utk berjudi).

kiung beberapa jenis siput.

kiut = **kiutan** bunyi spt bunyi pintu yg ketat engselnya dibuka tutup; *kiang*~ bunyi kiut berkali-kali;

berkiut berbunyi kiut, berkicut: *kedengaran pintu di luar* ~.

kiwi ark penyewa petak perahu yg juga menjalankan perniagaan, jurupetak, cincu.

kiyek (kiyé) Kl anai-anai yg besar.

kizib Ar tidak benar, dusta, palsu; *fajar* ~ fajar sebelum matahari terbit (bukan fajar yg sebenarnya), lwn fajar sidik.

KKGSK kep Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan.

KL kep Kuala Lumpur.

klac alat yg membolehkan kuasa dr enjin diberhentikan dr roda apabila seseorang menukar gear: *Azman menekan ~ lalu memasukkan gear.*

klakson Id hon (kereta).

klaras Jw ark daun pisang yg sudah kering.

klarinet (klarinet) sj alat bunyi-bunyian yg ditiup, sj serunai.

klasifikasi 1. penyusunan mengikut kelas; **2.** susunan sistematik ke dlm kumpulan menurut kriteria yg ditetapkan: *kumpulan-kumpulan yg telah disenaraikan merupakan antara ~ terbesar;*

mengklasifikasikan menyusun mengikut kelas: *kita belum lagi puas dgn hasil-hasil yg telah cuba saya klasifikasikan dlm sastera keagamaan; kita telah pun memperkatakan kegagalan ~ cerita mengikut tema-tema;*

pengklasifikasian perihal atau perbuatan mengklasifikasikan: *~ cerita pari-pari.*

klasik 1. serius dan abadi nilainya; *dia tidak gemar kpd muzik ~;* **2.** tertinggi mutunya dan menjadi standard kpd yg lain: *sajak-sajak yg demikianlah suatu ciptaan seni yg sempurna, berhak disebut sbg sesuatu yg ~;* **3.** (pakaian, reka bentuk, dsb) yg mempunyai gaya yg sederhana dan tidak berubah mengikut masa: *mereka mementingkan gaya baru tetapi ~;* **4.** mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat yg lazim (tipikal): *satu contoh ~ ialah Persidangan Undang-Undang Laut.*

klasikal Id; *pengajaran* ~ pengajaran beramai-ramai (dlm sebuah kelas).

klausa (Lin) unit yg merupakan rangkaian perkataan yg mengandungi subjek dan predikat yg menjadi konstituen atau bahagian kpd ayat.

klaustrofobia (Psi) perasaan takut yg luar biasa apabila berada di dlm ruang yg sempit dan terkurung, mis di dlm gua.

klavikel (Ubat) tulang yg menghubungkan tulang dada dgn pangkal bahu, tulang selangka.

KLCC kep *Kuala Lumpur City Centre*.

kleng (kléng) bunyi siren kereta bomba: ~, ~, *dua kereta bomba datang serentak dr pusat bandar*.

klep (klép) IB katup, tutup (pd mesin, pam, dll).

kleptomania (kléptomania) (Psi) tabiat suka mencuri yg tidak dapat dikawal walaupun barang yg dicuri tidak berharga atau tidak diperlukan.

kleptomaniak (kléptomaniak) (Psi) orang yg mengalami kleptomania.

KLIA kep *Kuala Lumpur International Airport* (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang).

KLIBOR akronim bagi *Kuala Lumpur Inter-Bank Offered Rate* (Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur, iaitu kadar pinjaman bagi dana jangka pendek antara bank di Malaysia utk tempoh matang satu hari, satu minggu, satu bulan dsb).

klien 1. orang, syarikat, dll yg mendapatkan nasihat drpd ahli profesional;
2. pelanggan.

klik I sekumpulan rakan yg bersekutu utk tujuan tertentu: *parti dan ~ politik yg menumpukan kegiatan mereka dlm negeri*;

berklik cenderung mewujudkan kelompok yg tersendiri atau terbatas, suka berpuak-puak: *ada juga sesetengah pelajar yg suka ~ mengikut negeri asal masing-masing*.

klik II 1. bunyi kertik spt apabila kamera dipetik, anak kunci diputar di dlm lubang kunci dsb: *bunyi ~*; **2.** (Komp) perbuatan menekan butang pd peranti tetikus komputer: *terokailah alam multimedia dgn hanya sekali ~*;

berklik berbunyi klik: *kameranya ~ apabila dipetik*;

mengklik menekan butang pd peranti tetikus komputer utk memilih objek yg sedang ditunjukkan oleh kursor atau melakukan fungsi tertentu spt yg dikehendaki: *~ butang "OK" sebanyak dua kali; anda perlulah ~ menu "Skill" utk memilih soalan.*

klimaks 1. bahagian dlm cerita (berita dll) yg lebih hebat (genting, mencemaskan, dll) drpd bahagian-bahagian lain, puncak, kemuncak; *~ atau kemuncak cerita ini sungguh mendebarkan hati pembaca*; **2.** memuncak (dgn perlahan-lahan), makin meninggi.

klimatologi kajian tentang iklim, kaji iklim.

klimis Jw ark halus, licin.

klimograf (Geog) graf yg menunjukkan hubungan antara suhu, hujan, kelembapan dan faktor iklim yg lain.

klirik 1. tempat utk memberi diagnosis dan merawat pesakit luar: *amat perlu mendirikan ~ di kampung-kampung utk menjaga kesihatan orang-orang kampung*; **2.** tempat yg serupa yg dianggotai oleh pakar perubatan atau pakar pembedahan yg mengkhusus akan satu atau lebih bidang: *~ mata.*

klinikal 1. bkn rawatan perubatan: *gambaran ~ tentang ciri-ciri gangguan psikiatri di kalangan kanak-kanak dan remaja*; **2.** bkn pemikiran (kajian) yg logik dan kritis (tanpa memihak kpd sesiapa): *hasil penyelidikan ~ terhadap 36 orang pengarang dapat ditemukan beberapa kesimpulan penting.*

klinisian doktor, ahli psikiatri dsb yg mengkhusus dlm rawatan perubatan di klinik, hospital dsb, dan bukannya kerja penyelidikan di makmal: ~ *mengesyorkan cara penyusuan ini kerana tiada susu berlebihan utk dimuntahkan.*

klinometer (klinométer) (Fiz) alat yg digunakan dlm kerja ukur utk mengukur kecerunan.

klinostat alat yg digunakan utk mengkaji rangsangan tumbuhan terhadap cahaya atau tarikan graviti.

klip I sebarang benda kecil yg digunakan utk menyepit (atau melekatkan benda dsb): *digunakannya ~ supaya lukisannya tidak berganjak;*
berklip disepit (dijepit) dgn klip.

klip II; ~ *video* petikan ringkas gambar video mengenai sesuatu peristiwa, persembahan dsb yg ditayangkan utk tontonan umum.

klise (klisé) **1.** gambar negatif pd filem kamera, gambar negatif pd kepingan utk dicetak; **2.** ki tiruan (bukan asli), ungkapan yg sudah terlalu sering digunakan hingga tidak lagi terdapat keistimewaannya atau kesannya.

klitik (Lin) bentuk terikat yg tidak boleh dianggap sbg morfem terikat kerana boleh berada dlm tempat frasa atau klausa tetapi tidak dianggap sbg kata, mis *ku* dlm *kubaca* dan *mu* dlm *bukumu*.

kloaka (Bio) lubang pd hujung saluran pembiakan dan saluran pembuangan najis (pd burung, reptilia, amfibia, dan ikan).

klobot Jw ark kelongsong (jagung).

KLOFFE akronim bagi *Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange* (Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur, iaitu bursa yg menjalankan urus niaga kontrak niagaan ke depan bagi opsyen saham, kadar faedah dan indeks saham).

klon 1. (Bio) sekumpulan sel atau organisma yg serba serupa dr segi genetik, yg terhasil drpd leluhur sepunya melalui pembiakan aseksual, mis secara cantuman; **2.** produk yg dihasilkan menyerupai model asal dr segi fungsi, ciri dsb, biasanya berkualiti kurang baik; **3.** telefon bimbit (selular) atau kad kredit pendua yg telah diberi identiti elektronik telefon bimbit atau kad kredit asal yg sedia ada secara tidak sah utk tujuan penyelewengan atau penipuan;

mengklon membuat atau menghasilkan klon: *tindakan keras akan diambil terhadap penjenayah yg ~ telefon bimbit; ahli embriologi di universiti itu dikatakan telah berjaya ~ embrio manusia; jabatan itu telah ~ beberapa jenis buah-buahan dan sayuran liar;*

pengklonan perihal (proses atau perbuatan) membuat atau menghasilkan klon: *~ telefon bimbit semakin berleluasa; ~ haiwan ternakan spt bebiri boleh menghasilkan ternakan lebih bermutu;*

pengklon orang, pihak dsb yg membuat atau menghasilkan klon: *~ telefon selular.*

klop IB padan, cocok, sesuai sungguh; **kelop.**

klorela (Bio) alga hijau satu sel yg mengandungi kadar protein yg tinggi (dibiak secara komersial utk mendapatkan proteinnya).

klorida (Kim) sebatian klorin dgn satu unsur lain.

klorin (Kim) sj gas berwarna kuning kehijau-hijauan dan berbau sengit;

berklorin telah dibubuhi atau dirawat dgn klorin, mengandungi klorin: *air yg ~;*

mengklorinkan merawat, terutamanya air, dgn membubuh atau mencampurkan klorin ke dalamnya utk membunuh kuman;

pengklorinan proses atau perbuatan mengklorinkan: *~ air*

klorofil (Bio) bahan pewarna hijau dlm tumbuh-tumbuhan hijau yg membolehkannya membuat makanannya sendiri.

klorofluorokarbon (Kim) sebatian gas yg terdiri drpd unsur karbon, hidrogen, klorin dan florin, digunakan dlm sistem pendinginan, peti sejuk, aerosol, pembuatan plastik dll, dan boleh merosakkan lapisan ozon atmosfera bumi.

kloroform (Kim) sj cecair yg digunakan sbg ubat bius (utk menyebabkan orang atau binatang tidak sedar semasa menjalani pembedahan).

kloroprena (Kim) sj sebatian yg digunakan sbg bahan asas utk membuat sj getah tiruan.

kloropsia (Ubat) kecacatan penglihatan (semua objek kelihatan berwarna kehijau-hijauan).

kloset (klosét) tandas.

klover sj tumbuhan drpd genus *Trifolium* yg daunnya bercabang tiga dan berwarna merah, ungu atau putih, biasanya dijadikan makanan ternak spt lembu dsb.

KLSE kep *Kuala Lumpur Stock Exchange* (Bursa Saham Kuala Lumpur).

klu sesuatu (objek, maklumat, dsb) yg dapat membayangkan jawapan terhadap persoalan yg hendak diselesaikan, pembayang, petunjuk: *pihak polis sedang mencari beberapa ~ terhadap kes pembunuhan itu.*

km kep kilometer.

KM kep Ketua Menteri (Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak).

Kmdr kep Komander.

kmj kep kilometer sejam (bkn kelajuan kenderaan): *kelajuan maksimum yg dibenarkan ialah 120 ~.*

KMM kep Kesatuan Melayu Muda.

KMN kep Kesateria Mangku Negara (pingat kehormatan yg dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong).

KNB kep Keluaran Negara Bersih.

KNK kep Keluaran Negara Kasar.

knob □ □ □ **kenop**.

knot ukuran kelajuan 1 batu nautika sejam atau 1.852 km sejam.

ko IB; *kaum* ~ orang-orang yg bekerjasama dgn Belanda (ketika berlaku persengketaan antara Indonesia dgn Belanda).

KO 1. kep *knockout* (iaitu keadaan peninju yg rebah semasa dlm perlawanan dan pengadil membuat kiraan satu hingga sepuluh tetapi peninju gagal meneruskan perlawanan); 2. bp gagal, kalah teruk, terlalu penat dsb.

ko- *awalan asing* bersama, bergabung, mis *kokurikulum* dan *koenzim*.

koa C sj permainan yg menggunakan kad kecil, permainan ceki.

koak; **berkoak-koak**, **berkoak-kaok** bp berteriak-teriak (melaungkan cogan kata dll), berseru-seru.

koala sj binatang spt beruang rupanya tetapi kecil yg terdapat di Australia (makanannya daun dan kulit sj pokok), *Phascolarctus cinereus*.

koalisi IB pergabungan atau perikatan beberapa buah parti politik; *kabinet* ~ kabinet yg terdiri drpd anggota-anggota drpd dua parti politik atau lebih.

KOAM kep Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia.

kobah ark sj gendang (tambur) besar.

kobak I; **berkobak**, **terkobak** sudah dikupas (dikuliti), terkupas;

(mendapat) *pisang* ~ prb a) (mendapat) faedah atau keuntungan dgn tidak bersusah payah; b) (mendapat) pekerjaan yg sangat senang;

mengobak mengupas, mengopek (kulit buah-buahan dll), membuang kulit (nyiur dll).

kobak II Jk; *main* ~ sj perjudian dgn melemparkan wang ke dlm lubang kecil di tanah;

kobakan 1. lubang kecil di tanah; **2.** lekuk di tanah yg dipenuhi air hujan.

kobak III □ □ □ **tobak.**

kobalamin sj vitamin B kompleks yg terdapat di dlm makanan laut, hati dsb yg kekurangannya menyebabkan anemia.

kobalt (Kim) sj unsur logam berwarna putih kelabu, mulur, beracun, dan digunakan dlm aloi dsb.

kobang ark □ □ □ **gobang.**

kobar I terbakar dgn api yg marak;

berkobar 1. bernyala besar, sangat marak (api): *api yg ~ itu telah menghanguskan beberapa buah rumah*; **2.** ki bergolak atau bergelora (dlm hati): *cintanya itu pd hari-hari yg berikut ternyata tambah ~; kembalilah harapannya ~ dlm dada*; **3.** berkecamuk, menghebat: *peperangan yg ~*;

berkobar-kobar 1. bernyala-nyala dgn hebatnya (bkn api kebakaran dsb): *air dipancurkan tidak henti-henti ke api yg ~ itu*; **2.** ki bergolak atau bergelora dgn amat sangat (bkn perasaan hati dll), berapi-api, meluap-luap (bkn semangat, perasaan, dll): *mendengarkan hal itu ~lah semangatnya lalu dgn segera ia menghunus khanjarnya*;

mengobarkan 1. membakar hingga marak (bernyala-nyala), menyalakan; **2.** = **mengobar-ngobarkan** membangkitkan semangat hingga meluap-luap, menghebatkan (semangat dll): *sajak-sajak yg menimbulkan cinta kpd tanah air dan yg ~ semangat kepahlawanan*;

kobaran nyala yg besar atau marak: *dia menangis di tengah-tengah ~ api itu.*

kobar II; *mulut ~-kabis* suka mengata-ngata atau mempercakapkan hal orang dll.

KOBENA akronim bagi Koperasi Belia Nasional.

kober Jk sempat.

koboi bp gembala lembu yg menunggang kuda (di Amerika Syarikat);

kekoboi-koboian berlaku spt koboi (spt menyamun, menggunakan senjata api, dll): *tegaknya Mamat dgn senapangnya sewaktu hendak mempertahankan aral nampak agak ~.*

kobok I kelompok (kumpulan, puak) orang, golongan;

berkobok-kobok berkelompok-kelompok, berpuak-puak: *~ budak menyerbu lori itu.*

kobok II; **mengobok** mengambil makanan, biasanya berkuah, dgn tangan tanpa senduk atau sudu;

kobokan (kobok.an) Jw sj mangkuk besar yg diisi air utk mencuci tangan, kembuk, kembukan.

koc 1. gerabak kereta api utk membawa penumpang; **2.** bas utk perjalanan jauh atau utk persiaran.

kocah; *~-kacih* selalu sahaja membuat berbagai-bagai kerja, sangat sibuk.

kocak I 1. = **kocakan** goncangan (air), gerakan kencang (air atau benda cair); **2.** ki gelora, pergolakan: *kpd ibunya ia menumpahkan segala pendaman jiwa dan ~ hatinya;*

berkocak 1. bergoncang (bkn air dlm bekas dll), bergelombang (bkn laut), berpalu, memukul (ombak pd batu): *gelas itu dihentak-hentaknya beberapa kali dan air di dalamnya ~; desir angin yg lembut menyegarkan, dan riak ~ melanda pantai;* **2.** bergelora,

bergolak (bkn perasaan hati dll), berdebar-debar, gelisah, rusuh: *hatinya tidak ~ sedikit pun menerima hukuman itu; nafsunya makin menyala, darah mudanya ~*; **3.** menjadi pudar atau tidak bercahaya (bkn mata), kusam atau kuyu (bkn mata): *matanya ~*; **4.** K1 bergoyang, bergegar;

~ tanda tak penuh prb orang yg suka bercakap banyak itu menunjukkan pengetahuannya kurang (atau cetek);

mengocak, mengocakkan **1.** menggoncang(kan) bekas (utk menjadikan cecair dll di dalamnya sehati), menggerakkan air yg tenang (dgn memukulnya atau mengacaunya dsb dgn keras): *apabila dikocak, abu putih itu pun larut ke dlm air itu; sekali-kali pula ikan haruan ~ air menghambat anaknya*; **2.** mengacaukan, mengharukan (fikiran atau perasaan), mengganggu (ketenangan keadaan, perasaan, dll): *tangisan anaknya makin mengocakkan perasaan dan fikirannya; kenang-kenangan pahit ini selalu ~ hidupnya*; **3.** K1 menggoyang, menggoyahkan (tiang dll);

terkocak **1.** tergoncang, tergerak: *masukkan bahan kimia itu ke dlm air sedikit-sedikit supaya tidak ~ air itu*; **2.** menjadi tidak tenang (fikiran dll), menjadi kacau; *~ hati gelisah, tidak tenang hati (fikiran); badan ~ Mn sangat kurus*;

kocakan kocak: *sekali-sekala kesepian itu diganggu oleh ~ air bendang akibat haruan menyambar anak*;

pengocakan perihal atau perbuatan mengocak: *~ itu akan menghasilkan arus pusar yg dgn cepat menyebabkan pelarutan*;

kelocak II.

kocak II **1.** kacak, gagah, bagus (baik, tampan); **2.** sombong, pongah, besar kepala: *dibenci orang kerana ~nya*; **3.** Jk jenaka, kelakar, lucu;

berkocak-kocak bergurau senda, berjenaka, berkelakar;

mengocak Jk melawak, bergurau senda, berolok-olok.

kocek (kocék) = **kocekan** ark saku, kantung: *dikeluarkannya sehelai sapu tangan dr dlm ~ seluarnya; jam ~ jam saku (jam yg disimpan dlm kocek); masuk ke dlm ~ diterima secara tidak sah oleh sesuatu pihak: sebahagian drpd wang bantuan masuk ke dlm ~ ahli politik.*

kocer (kocér) K1 kurus, kecil (tidak tambun).

koci I; *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung pulut (diberi berinti kelapa bercampur gula dan dibungkus dgn daun pisang).

koci II; ~ *lembik* = *puru* ~ sj penyakit yg disebabkan oleh penyakit kelamin.

kocoh ark gopoh;

terkocoh; ~-*ganyah* = **terkocoh-kocoh** tergopoh-gopoh, terburu-buru, tergesa-gesa: ~-*ganyah mereka mengisi pakaian dlm beg supaya tidak terlambat.*

kocok; **mengocok** **1.** mengocak (menggoncang-goncangkan) botol (yg berisi air, ubat, dll); ~ *telur* memukul telur; **2.** membancuh (mencampur, mengaduk) kad atau daun pakau; **3.** ki mencampuradukkan, memperkacau: *jangan dikocok tanggungjawab jawatan dgn kepentingan sendiri*; **4.** bp mengapi-apikan (menghasut, mencucuk) supaya berkelahi (bertengkar dsb): *kalau tidak dikocok tentu tidak timbul perselisihan ini.*

kocolan Jk anak ikan gabus yg kecil-kecil (dijadikan umpan pancing).

kocong **1.** kain putih yg mengelubungi (membungkus) kepala mayat atau orang yg akan digantung; **2.** pembungkus yg panjang (yg diikat satu atau kedua-dua belah hujungnya); *hantu* ~ hantu yg rupanya spt mayat yg dibungkus dgn kapan;

mengocong 1. membungkus (mayat dll), mengapani mayat; 2. = **mengocongan** mengikat hujung bungkusan.

kod I 1. = *tulisan* ~ tulisan dgn tanda dll yg mempunyai erti yg tertentu atau yg tersembunyi (rahsia): *arahan kpd pegawai tentera itu dikirim dlm tulisan ~*; 2. sistem simbol-simbol utk menyampaikan maklumat atau arahan kpd komputer: ~ *Morse*; 3. serangkai huruf atau nombor yg digunakan utk mengenal pasti sesuatu tempat, objek, dsb mis kod alamat surat-menyurat;

~ *Morse* kod yg terdiri drpd titik dan sempang yg digunakan dlm pengiriman berita dll menerusi telegraf; ~ *warna* sistem kod yg menggunakan pelbagai warna sbg cara utk mengenal pasti komponen, objek dsb yg berlainan;

berkod mempunyai (dlm bentuk) kod: *mereka menerima arahan ~*;

mengekodkan 1. menulis dlm bentuk kod; 2. mengadakan kod; 3. mengkodifikasikan;

pengekodan perbuatan (kerja, proses) mengekodkan atau mengkodifikasikan: ~ *tatabahasa Yunani telah dijalankan pd zaman kerajaan Helenistik*;

pengekod orang yg mengekodkan sesuatu.

kod II; *ikan* ~ sj ikan laut drpd famili Gadidae, yg minyak drpd hatinya kaya dgn vitamin A dan D.

kodak; ~ *acing* sj tumbuhan (pokok renek) yg daunnya dan akarnya dibuat ubat, meribus, *Olex scandens*.

KODAM Id akronim bagi Komando Daerah Militer.

kodein (kodéin) □□**kodeina**.

kodeina (kodéina) (Kim) bahan yg disediakan drpd morfina (digunakan utk membuat ubat-ubatan).

kodek (kodék) **I**; **mengodek-ngodek** menggerak-gerakkan sesuatu dgn pantas: *kucing itu ~ ekornya macam kucing kepanasan*;

terkodek-kodek tergerak-gerak (dgn pantasnya), terloncat-loncat: *Gembung ketawa terbahak-bahak hinggakan ternampak jelas anak lidahnya merah ~*.

kodek (kodék) **II** jambang; □□□ **godek I**.

kodeks (kodéks) (Sej) naskah kuno dlm tulisan tangan.

kodi 1. dua puluh; *dua ~ kain empat puluh helai kain; kepala ~ a) kain (sarung) yg diletakkan di atas sekali pd ikatan beberapa helai kain (sbg contoh); b) ki ketua kumpulan orang-orang jahat (atau budak-budak nakal); 2.* tidak istimewa atau tidak tinggi mutunya (kurang baik buatannya dsb); *barang (kain dll) ~ barang (kain dll) yg rendah mutunya dan murah harganya, barang (kain dll) yg dibuat banyak-banyak;*

berkodi-kodi beberapa kodi, berpuluh (helai);

kodian berkodi-kodi; *barang ~ barang kodi;*

perkodian; *kepala ~ kain yg diletakkan di atas sekali pd ikatan kain, kepala kodi.*

kodifikasi kegiatan (usaha, proses) atau hasil mengumpulkan serta menyusun pelbagai peraturan (maklumat, norma, dsb) tentang sesuatu sehingga merupakan atau terdapat suatu keseluruhan yg bersistem dan teratur (biasanya yg dirakamkan dlm bentuk atau sesuatu terbitan): *bertambahnya undang-undang di negara moden memerlukan ~ dan interpretasi; pemantapan atau ~ bahasa hanya dapat berlaku melalui penggunaan dan melalui kegiatan penulisan;*
mengkodifikasikan mengumpulkan serta mengatur (menyusun) sesuatu sehingga merupakan suatu sistem: *norma-norma yg*

dikodifikasikan dlm bentuk tatabahasa sekolah dan yg diajarkan kpd siswa;

pengkodifikasian perbuatan (usaha, proses, dsb) mengkodifikasikan, pengkodan.

kodikologi kajian tentang manuskrip.

kodisil (Udg) sesuatu perkara atau arahan yg ditambah kemudian kpd surat wasiat, terutamanya yg meminda atau membatalkan sebahagian kandungannya.

kodok I sj katak, katak puru, kangkung, *Bufo bufo*; *berenang* ~ cara berenang;

laksana ~ *dapat bunga sekuntum* prb tidak tahu menghargai (mempergunakan) barang yg baik; *laksana* ~ *ditimpa kemarau* prb sangat gelisah (berkeluh-kesah); *spt* ~ *kena air tahi* prb orang hina yg berlagak sombong; *tertonggeng bagai* ~ *dlm lubang* prb orang miskin yg mendapat kesusahan.

kodok II; *cucur* (*goreng, kuih*) ~ sj kuih yg dibuat drpd adunan tepung, gula, pisang, dll dan digoreng.

kodok III Jk; *mas* ~ platinum.

kodok-kodok perkakas pam utk menghisap udara dll, injap pam.

koe (koé) Id, bp engkau.

koefisien (koéfisien) bp pekali.

koenzim (koénzim) (Bio) sebatian bukan protein yg membantu tindakan sesuatu enzim.

kofaktor (Bio) bahan bukan protein yg perlu bagi aktiviti sesetengah enzim.

kognat (Lin) 1. kata yg mempunyai hubungan bentuk dan makna dgn kata yg serupa bentuknya dlm bahasa lain, mis *makan* dlm bahasa

Melayu dan *mangan* dlm bahasa Jawa: *penulis cuba merekonstruksi fonologi Bahasa Melayu induk dgn membandingkan ~ yg wujud dlm dialek Melayu*; **2.** bertalian kerana mempunyai asal usul atau sumber yg sama dgn yg lain (bkn sesuatu kata atau bahasa): *bahasa ~ bermakna bahasa yg diturunkan drpd sumber yg sama; kata ~ ialah kata yg sama sumbernya.*

kognisi proses mental utk mentafsir, mempelajari, dan memahami sesuatu: *proses pembelajaran termasuklah ~, pengamatan yg berlaku dlm otak manusia.*

kognitif berkaitan dgn kognisi: *agama dianggap sbg cara memenuhi keperluan ~ utk kefahaman intelektual.*

koh Kl, bk mati.

koheren (kohéren) **1.** berhubungan, bersangkutan paut: *kita harus membentuk padanan kata yg ~*; **2.** ada kesinambungan (keterikatan) antara satu ayat dgn ayat yg lain (dlm sesebuah wacana) supaya mudah difahami.

kohesi (kohési) **1.** kekuatan tarik-menarik di antara molekul dlm sesuatu benda yg menjadikan molekul-molekul itu bertautan atau bergabung, jeleketan; **2.** perhubungan yg erat, perpaduan: *perjuangan agama dgn sendirinya memerlukan kekuasaan utk membentuk ~ dlm golongan pemeluknya.*

kohir IB kertas yg mengandungi daftar (senarai) cukai yg ditetapkan.

kohol ark celak (mata).

kohong berbau busuk (spt bau bangkai, telur busuk, dll).

kohor Kl, Tr perlahan, tidak terburu-buru: *memandu kereta biarlah ~ sedikit;*

kohor-kohor perlahan-lahan.

koi I Kd makin;

koi-koi perlahan-lahan, hati-hati (jangan tergesa-gesa).

koi II Kd; *tanah* ~ tanah yg keras.

koir (kuayer) sekumpulan penyanyi (yg bernyanyi bersama-sama): ~ *sekolah*.

koja sj kendi yg tidak bermuncung (bercerat), balang, gamuh.

kojoh digenangi atau dibanjiri air (bkn sawah dll), sebak.

kojol bk mati, kaku (sudah mati).

kok I bp **1.** kalau, kalau-kalau, takut; **2.** kata utk menegaskan maksud (rasa hairan, marah, dll): ~ *masih pakai celana yg koyak-koyak?*

kok II = *arang* ~ pepejal yg berliang-liang dan mudah patah dan mengandungi kira-kira 80% karbon (diperoleh dgn memanaskan arang batu).

kok III Kd **1.** paip saluran air yg ditanam pd jalan, batas; **2.** benda bulat yg digunakan utk menggali telaga.

kokain □ □ **kokaina**.

kokaina (Kim) sj sebatian (dadah narkotik) yg diperoleh drpd daun koka dan digunakan dlm perubatan sbg anestetik.

kokak bp buruk, lama, tidak berguna (dipakai) lagi: *basikal ~nya*.

kokang (Jepun); **dikokang** diisi peluru dan disediakan utk ditembak (bkn senjata api): *mereka terkejut sebab terdengar bunyi senapang yg ~*.

kokcak Kl; **berkokcak** bk bersetubuh, berzina.

koki Id tukang masak: *kedua-dua* ~ *membanting tulang di dapur menyiapkan makanan*.

kokila sl burung tiung.

kokko Kd **1.** pikul (budak) di atas belakang; **2.** duduk di atas belakang orang yg memikulnya (bkn budak).

koklea (kokléa) bahagian telinga dalam yg berupa saluran berpilin yg melaluinya gelombang bunyi dihantar ke saraf pendengaran.

koko 1. sj tumbuhan (pokok) yg bijinya dijadikan serbuk utk dibuat minuman (coklat dll), coklat, *Theobroma cacao*; 2. serbuk yg diperoleh drpd biji koko setelah dipanggang dan dikisar, digunakan utk membuat coklat; 3. sj minuman (panas atau sejuk) yg dibuat drpd serbuk koko dan susu atau air.

kokok I bunyi ayam jantan yg berlarut-larut (biasanya pd waktu subuh): ~ *ayam bertalu-talu membangkitkan orang tidur*; ~ *ayam (sekali) dinihari, subuh benar* (ketika terdengar kokok ayam yg mula-mula); (*bagai ayam si tombong*) ~ *berderai-derai ekor bergelumang tahi* prb orang yg bersikap sombong (bercakap besar) sedangkan saudara-maranya hidup melarat;

berkokok 1. berbunyi berlarut-larut (bkn ayam jantan): *kedengaran bunyi ayam jantan* ~ *sahut-menyahut*; 2. ki mengucapkan kata-kata sbg tanda kegagahan (kemenangan);

kokokan kokok: ~ *ayam*.

kokok II; mengokok K1 mengukur (kelapa).

kokok III; ~ *beluk* burung hantu.

kokol I; mengokol membongkok, meringkuk (spt orang yg sangat kesejukan); *duduk* ~ duduk dgn merapatkan tangan dan lutut ke dada; *batuk* ~(-ngokol) batuk keras yg bertalu-talu (hingga menyebabkan badan dibongkokkan);

terkokol-kokol menggigil dgn amat sangat (kerana sakit atau kesejukan): *demam* ~; *mencangkung* ~ *kesejukan*.

kokol II sj tumbuhan (pakis).

kokosan Jw; *buah* ~ sj buah langsung, *Lansium domesticum*.

kokot I 1. besi atau kawat yg bengkok spt cangkuk atau kait (tempat sesuatu berpaut); ~ *betina* kokot utk dipaut; ~ *jantan* kokot utk memaut; 2. = **terkokot** kerekot, bengkok dan kaku (bkn jari); **mengokot** mencakar-cakar (spt ayam dll), mengeruk-ngeruk (kerak nasi dll).

kokot II; pengokot sj alat utk mencantumkan kepingan-kepingan kertas, stapler.

kokpit 1. ruang tempat duduk juruterbang (dan pembantunya) di dlm kapal terbang; 2. (ruang) tempat duduk pemandu dlm kereta lumba.

kokrom = *logam* ~ sj aloi yg lebih keras drpd keluli (mengandung kobalt, kromium, wolfram, dll).

koksir K1 berselerak (buku dll), tidak teratur atau tersusun.

koksiks (Ubat) tulang tongkeng.

koktel (koktél) 1. minuman keras yg disediakan drpd campuran beberapa jenis minuman keras lain; 2. pembuka selera yg terdiri drpd makanan laut atau campuran buah-buahan: ~ *buah*; ~ *udang*; ~ *buah* buah-buahan campur spt nanas, tembikai, anggur dsb yg dipotong kecil-kecil utk dimakan sbg sebahagian drpd hidangan; ~ *udang* masakan yg terdiri drpd udang sbg bahan utamanya serta juga salad dan sos, biasanya dimakan sbg pembuka selera.

kokun (Bio) kelongsong drpd bebenang spt sutera yg melindungi larva (mis larva rama-rama) atau telur (mis telur cacing).

kokurikulum kurikulum yg merupakan sebahagian drpd kurikulum asas; *kegiatan (aktiviti)* ~ kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yg diajarkan dlm bilik darjah tetapi yg dianggap sbg sebahagian drpd kursus pendidikan pelajar di sekolah (mis kegiatan dlm persatuan-persatuan, kegiatan kesukanan, dll).

kokus (Bio) sebarang bakteria yg berbentuk sfera.

kol I; dikol 1. diperiksa (diselidiki) dgn diperbanding-bandingkan atau disesuaikan (senarai gaji, senarai nama, dll), diteliti; **2.** ark diperhitungkan atau dicongakkan (perbelanjaan dll).

kol II Id kubis.

kol III; pistol ~ bp sj pistol automatik.

Kol. kep Kolonel.

kola sj tumbuhan (pokok yg berasal dr Afrika Barat dan kacangnya digunakan sbg perisa minuman), *Cola nitida*.

kolaborasi subahat (kerjasama) dgn musuh atau orang jahat, subahat dlm perbuatan jenayah dsb.

kolaboratif erat (dr segi kerjasama antara dua pihak ataupun lebih): *perhubungan antara kerajaan yg paling ~ sifatnya*.

kolaborator orang yg bersubahat (bekerjasama) dgn musuh atau orang jahat.

kolah sj kolam berbentuk segi empat dibuat drpd batu dan simen (utk menakung air): *orang sedang sibuk mengambil air sembahyang di ~ di hadapan masjid*.

kolaj (S.Lukis) **1.** teknik atau cara membuat gambar drpd pelbagai jenis bahan spt cebisan kertas, cebisan kain, gambar foto dsb yg dicantum-cantumkan dan dilekatkan pd sesuatu permukaan (kertas dsb); **2.** gambar yg dihasilkan drpd cantuman cebisan kertas, cebisan kain, gambar foto dsb yg berwarna-warni dan dilekatkan pd sesuatu permukaan.

kolak I pisang (ubi dll) yg dimasak dgn air gula melaka dan santan, pengat;

mengolak memasak kolak.

kolak II; ~-*kalik* golak-galik.

kolam I 1. lubang (lekuk) di tanah yg berisi air: *beberapa ekor itik sedang berenang dlm ~*; **2.** = ~ *air* lubang di tanah yg besar dan dalam utk menampung air hujan (air dr sungai dll) utk minuman; **3.** bekas (yg dibuat drpd batu, simen, dll) yg diisi air (utk mandi dll); ~ *kaca* bekas berdinding kaca yg berisi air (tempat memelihara ikan), palung ikan, akuarium; ~ *(be)renang* = ~ *mandi* kolam yg besar dibuat drpd batu (simen dll) tempat orang berenang.

kolam II; *rumpun ~ padang* sj tumbuhan (rumpun), *Eragrostis unioloides*.

kolang I; ~-*kaling* = ~-*kalik* a) (bergerak) ke atas ke bawah (turun naik);
b) ulang-alik, berbalik-balik.

kolang II; ~-*kaling* Jw buah enau (yg sudah dibuang kulitnya).

kolar I bahagian baju (kemeja) yg berlipat di keliling leher: *sebentar-sebentar dibetulkan tali lehernya dan ~ kemejanya; (kerja, pekerja, dsb) ~ biru* (kerja, pekerja, dsb) yg berkaitan dgn pelaksanaan tugas-tugas yg lebih memerlukan kekuatan dan tenaga fizikal (spt kerja-kerja kilang dsb); *(kerja, pekerja, dsb) ~ putih* (kerja, pekerja, dsb) yg tergolong dlm bidang pengurusan (profesional, perkeranian, dsb) yg lebih memerlukan daya berfikir dan bukannya kekuatan tenaga;

berkolar mempunyai kolar.

kolar II Jk **1.** batu karang; **2.** pecahan batu (utk melapisi jalan dll), batu kelikir; □□□**koral**.

kolateral harta benda, spt rumah, tanah dsb, yg dicagarkan sbg jaminan utk pembayaran balik hutang kpd pemiutang, sandaran: *kebanyakan bank mengambil saham sbg ~ bagi pinjaman yg diberikan*.

kole (kolé) sj bekas minum yg bertangkai tanpa piring: *di atas meja terletak se~ besar kopi panas*.

koleh (koléh); **koleh-koleh**, **kekoleh** = ~ kacang sj kuih dibuat drpd tepung kacang hijau yg dikacau bersama santan dan gula (ditaburi tahi minyak).

kolej (koléj) maktab; ~ *perguruan* maktab perguruan (tempat melatih bakal guru).

kolek I (kolék) sj sampan kecil (utk menangkap ikan dll): *orang memukat ikan gelama bersampan ~ kayunya pulai*;

berkolek menaiki kolek: *mereka bersampan dan ~ utk menangkap ikan setiap hari*;

berkolek-kolek 1. terapung-apung, beroleng-oleng (spt perahu dipukul ombak); 2. melayang-layang ke sana sini (spt kupu-kupu yg terbang).

kolek II (kolék); ~ *bas* Kd pemeriksa tiket bas.

koleksi (koléksi) 1. sesuatu yg dikumpulkan; 2. pengumpulan sesuatu utk kajian, perbandingan, atau pameran.

kolektif (koléktif) bersama-sama atau beramai-ramai sbg suatu kumpulan (dlm melakukan sesuatu): *sekalian rakyat mempunyai tanggungjawab yg sama, baik secara bersendirian ataupun secara ~*; *pertanian ~ pertanian yg diusahakan beramai-ramai dgn bekerjasama utk faedah bersama*;

mengkolektifkan menjadikan faktor pengeluaran (spt tanah, kilang, dll) milik bersama rakyat atau milik negara, menubuhkan sistem pengusahaan (pengeluaran) secara beramai-ramai (bersama-sama);

pengkolektifan perihal atau perbuatan mengkolektifkan.

kolektivisme (koléktivisme) pegangan hidup yg mementingkan hak milik bersama dlm semua aspek kehidupan.

kolembing sj kuih spt roti.

koleng (koléng); **berkoleng-koleng** beroleng-oleng, berkolek-kolek.

kolenkima (kolénkima) (Bio) tisu tumbuhan yg menyokong dan menguatkan batang muda, pucuk muda dsb.

koler (kolér) Kl; **terkoler** terkulai (bkn tangan dll yg patah).

kolera (koléra) sj penyakit berjangkit yg menyebabkan orang yg menghidapnya muntah-muntah dan sering kali membuang najis yg cair, taun.

kolese (kolése) IB pelajaran (di maktab atau universiti) yg disampaikan dgn syarahan (ucapan), kuliah.

kolesistektomi (kolésistéktomi) (Ubat) pembuangan pundi hempedu secara pembedahan.

kolesom (kolésom) sj akar yg dibuat ubat kuat, ginseng.

kolesterol (kolésterol) komponen asid lemak tepu yg terdapat dlm lemak haiwan spt mentega, kuning telur, dsb (yg dikatakan mempunyai kesan buruk pd sistem pengedaran darah);

berkolesterol mengandungi kolesterol: *makanan yg mengandungi lemak dan ~ tinggi.*

kolitis (Ubat) radang pd kolon.

kolofon **1.** lambang penerbit pd buku; **2.** petunjuk pd bahagian akhir buku tentang nama penerbit, waktu terbit, dsb.

koloh-koloh; *air* ~ air celup yg telah digunakan utk mencelup kain dll.

koloid (Kim) sj campuran dgn zarah-zarah satu bahan terampai dlm bahan yg satu lagi (mis molekul kanji di dlm air).

kolok Jw sj kopiah yg tinggi (tanda kebesaran); **kuluk**.

kolokan Jw sangat manja, suka dipuji-puji (bkn kanak-kanak).

kolokasi (Lin) hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dgn yg lain dlm satu susunan (mis dlm ayat);

berkolokasi (bagi sesuatu kata yg) kerap kelihatan wujud bersebelahan (berdekatan) antara satu sama lain: *kata nama “baju” tidak ~ dgn “lazat”*.

kolokial (Lin) bersifat bahasa percakapan atau bahasa basahan (bukan bahasa baku): *perkataan ‘kau orang’ itu adalah frasa ~*.

kolokium perjumpaan atau persidangan utk membincangkan perkara yg biasanya bersifat ilmiah;

berkolokium menghadiri atau menyertai kolokium: *kami juga ingin ~, berseminar dsb kalau ada kesempatan;*

mengkolokiumkan membincangkan sesuatu perkara, isu dsb dlm kolokium: *utk menghimpunkan dan menerbitkan hasil kajian yg telah dikolokiumkan demi memperkaya kepustakaan Melayu*.

kolon (Bio) bahagian usus besar dr usus buntu hingga ke hujung usus.

kolone IB pasukan tentera (kelengkapan tentera dsb) yg dibariskan memanjang ke belakang (dgn yg satu di belakang yg lain dlm satu barisan yg panjang).

kolonel (pangkat) pegawai dlm tentera darat atau udara yg lebih rendah drpd brigadier tetapi lebih tinggi drpd leftenan kolonel: *K~ Abbas*.

kolong I 1. ruang atau bahagian di bawah sesuatu (mis di bawah rumah yg bertiang dll): *~ jambatan; ~ pangkin; ~ langit* di bawah langit (di atas muka bumi); *anak ~* Id anak yg lahir di tempat kediaman tentera, anak askar; 2. lubang yg memanjang spt terusan di dlm tanah, lombong, korok; *~ timah lombong* (bijih) timah; *Cina ~* orang Cina yg bekerja di lombong.

kolong II; kolong-kolong, kekolong, kolongan Jk lingkaran (gelung-gelung) besar dibuat drpd rotan (logam dll).

kolong III; *~ layar* ark kain dll yg bertulis dgn iklan dan yg direntangkan.

kolong IV; *air* ~ minyak kelonyor.

koloni 1. negeri, tanah jajahan; 2. sekumpulan serangga atau haiwan dr jenis yg sama yg hidup bersama.

kolonial bersifat jajahan (penjajah, penjajahan); *golongan* ~ golongan yg bertalian dgn pihak penjajah; *pegawai-pegawai* ~ pegawai pemerintah kerajaan penjajah; *pemerintah* ~ pemerintah penjajah (di tanah jajahan).

kolonialis pihak (orang atau negara) yg mengamalkan faham kolonialisme, penjajah.

kolonialisme dasar atau amalan oleh sesebuah negara meluaskan penguasaannya ke atas sesebuah negara lain.

kolonis penduduk atau orang asing yg datang menetap di sesebuah tanah jajahan.

kolonisasi proses (tindakan, perbuatan) menjadikan sesuatu tempat, wilayah, atau negara sbg koloni.

kolonisir ark IB; **mengkolonisir**, **mengolonisir** menjadikan koloni (tanah jajahan), menjajah.

kolor = **koloran** Jk tali seluar (utk mengikat seluar di pinggang).

kolorimeter (koloriméter) alat utk mengukur kepekatan larutan dgn membandingkan keamatan warnanya dgn keamatan warna suatu larutan piawai.

kolorimetri (kolorimétri) kaedah analisis kimia yg berdasarkan pengukuran keamatan warna sesuatu bahan (dgn menggunakan kolorimeter).

kolostrum (Bio) air susu (jernih dan kekuningan) yg keluar pd akhir kehamilan sehingga beberapa hari setelah kelahiran bayi (merupakan sumber protein dan antibodi yg penting bagi bayi yg baru lahir).

kolot kuno, cara lama (tidak moden), ketinggalan zaman: *cara ~ yg digunakan oleh petani-petani menyebabkan hasil pertanian mereka tidak memuaskan; adat ~ adat kuno; kaum ~ golongan yg berpegang kuat pd adat resam kuno;*

kekolotan **1.** sifat (cara, adat resam, dll) yg kolot (ketinggalan zaman), kekunoan: *menghapuskan ataupun setidak-tidaknya mengurangkan ~ dlm masyarakat; 2.* perihal kolot (kuno), sifat tidak moden atau ketinggalan zaman (bkn pemikiran, adat resam, dll): *pelajaran dan pengalamannya telah dapat menghapuskan ~ fikirannya.*

kolportir IB orang yg menjual surat khabar (buku dll) sbg mata pencariannya.

kolui, kolwi Pr teriak gembala gajah menyuruh gajah berjalan dll perlahan-lahan.

kolum ruang (dlm surat khabar, majalah, dsb), lajur: *berita-berita hangat selalu mendapat tempat dlm ~ surat khabar;*

berkolum-kolum beberapa (banyak) kolum, beruang-ruang: *laporan mengenai kejadian itu ditulis ~ panjangnya.*

kolumnis penulis ruangan tetap dlm surat khabar atau majalah, pojok.

koma **I** tanda baca (,) utk menandakan tempat berhenti sebentar ketika membaca; ~ *bernoktah = titik* ~ tanda baca (;) utk menandakan tempat berhenti membaca sebentar; ~ *di atas*, tanda koma yg dituliskan di sebelah atas di hujung suku kata (spt tanda koma pd perkataan Dato' dll); ~ *terbalik* tanda koma yg ditulis terbalik dan biasanya di sebelah atas baris atau perkataan, tanda 'atau';

berkoma terdapat tanda koma;

mengomakan meletakkan tanda koma pd: ~ *ayat yg panjang.*

koma II keadaan tidak sedarkan diri utk beberapa lama (biasanya akibat kemalangan atau sesuatu penyakit): *dlm keadaan ~*.

komak I; *~-kamik* kumat-kamit.

komak II; *tepung ~*; □ **gomak**.

koma-koma putik bunga kering drpd tumbuhan *Crocus sativus* yg digunakan sbg rempah, perisa, dan pewarna makanan.

komala □ □ □ **gemala**.

komaliwan Id alat yg digunakan utk makan di kapal.

koman bp tidak istimewa (bkn barang dll), biasa, kodi, kebanyakan.

komandan pegawai (polis atau tentera) yg memerintah sesuatu tempat, pasukan, atau organisasi.

komander 1. pegawai tentera yg memerintah sesebuah pasukan atau operasi tentera; **2.** pegawai kanan bertauliah dlm tentera laut yg pangkatnya setingkat di atas leftenan komander dan setingkat di bawah kapten (setaraf dgn leftenan kolonel dlm tentera darat dan tentera udara).

komanditer IB orang yg mempunyai modal dlm syarikat perdagangan dll tetapi tidak turut sama mengurus syarikat itu.

komando 1. perintah (dlm perbarisan dll), aba-aba: *ketua pasukan menjerit memberi ~*; **2.** perintah, pimpinan: *di bawah ~* di bawah pimpinan, diperintah (oleh); *memegang ~* memegang pimpinan; **3.** unit (atau anggota) khas dlm angkatan tentera yg dilatih khusus utk melakukan serangan mengejut terhadap musuh: *pendaratan dan pengguguran ~ dijalankan pd malam hari*;

mengomando memberi komando atau perintah, mengetuai atau memimpin (gerakan tentera dll).

Komanwel (komanwél) = ~ *British* perikatan negara-negara merdeka yg pernah diperintah oleh British yg mengiktiraf raja British yg memerintah sbg ketua Komanwel, persemakmuran; *persidangan perdana menteri* ~ persidangan yg disertai oleh perdana menteri negara-negara anggota Komanwel.

komat; ~-*kamit* kumat-kamit; □□□ **kumat II**.

kombala ark gembala.

kombinasi gabungan, cantuman, satuan: *pd dasarnya seni itu adalah hasil ~ teknik dan ilham; pelukis yg baik dapat menimbulkan ~ warna yg menarik;*

mengkombinasikan menggabungkan, menyatukan: *jika dikombinasikan kesemua persoalan ini, kita akan menghadapi suatu masalah yg besar.*

kombo kumpulan kecil ahli muzik (terutamanya yg memainkan irama jaz).

kome (komé) Pr kamu semua.

komedi (komédi) **1.** drama, filem, dsb yg ringan dan lucu, biasanya berakhir dgn kegembiraan; **2.** genre sastera yg berkaitan dgn hal-hal lucu atau serius dgn cara menyindir;

berkomedi berlakon komedi: *mereka ~ dlm pertunjukan itu.*

komen (komén) **1.** teguran, kritikan, atau pemerhatian utk menyatakan pendapat, pandangan, atau sikap terhadap sesuatu perkara, ulasan: *berbagai-bagai ~ terhadap rancangan tersebut telah tersiar dlm akhbar;* **2.** memberi komen: *katanya ia tidak mahu ~ tentang perkara itu;*

mengomen membuat komen, mengulas: *sifatnya memang suka ~ kerja-kerja orang;*

pengomen orang yg suka dan selalu membuat komen.

komendur IB **1.** ketua pasukan, komander; **2.** pegawai yg mengetuai pentadbiran (pengendalian) sesebuah pelabuhan, syahbandar; **3.** pegawai yg mengetuai daerah, pegawai daerah.

komeng (koméng) **1.** sentiasa kecil (tidak besar-besar), kerdil, kecil (drpd yg lazim): *kelapa ~*; **2.** sedikit;

sekomeng **1.** sangat kecil; **2.** sangat sedikit.

komensal (koménsal) (Bio) organisma yg menjangkiti manusia atau haiwan tanpa mengganggu atau memberi manfaat pd perumah.

komensalisme (koménsalisme) (Bio) hubungan antara dua organisma yg memberikan manfaat kpd satu organisma, tetapi pd masa yg sama tidak pula mendatangkan apa-apa kesan kpd organisma yg satu lagi.

komentari (koméntari) IB komen, huraian, ulasan (yg mengandungi penjelasan, kritik, atau pendapat mengenai sesuatu perkara dll): *tidak habis-habis orang memberi ~ mengenai rang undang-undang yg akan dikemukakan itu*;

mengomentari **1.** membuat komentar (komen), mengulas; **2.** = **mengomentari** mengeluarkan pendapat mengenai sesuatu, mentafsirkan, mengulas: *beliau enggan ~ perjanjian pertahanan antara kedua-dua buah negara itu*.

komentator (koméntator) orang (atau penyiar) yg membuat ulasan tentang sesuatu peristiwa, mis acara sukan, terutamanya melalui radio dan televisyen, pengulas, juruulas.

komersial berkaitan dgn atau bersifat perdagangan: *kepentingan dan tujuan ~*; *nilai-nilai ekonomi dan ~*; *bangunan ~*;

mengkomersialkan menjadikan sesuatu sbg barang dagangan: *usaha Rahim ~ filemnya telah mencetuskan kritikan*; *aspek-aspek ~ seni pertukangan menolong meninggikan taraf seni*.

komersialisasi proses, perbuatan, atau usaha menjadikan sesuatu mempunyai sifat, matlamat, dsb perdagangan: *perubahan struktural ini nantinya akan selari dgn proses ~ sektor pertanian.*

komersialisme sikap, prinsip atau amalan perniagaan yg lebih menekankan soal keuntungan: *filem terbitan syarikat itu nampaknya cuba mendekati ~ dgn mengikut selera penonton.*

komersil □ □ **komersial.**

komes (komés) **1.** ark bulu di bawah bibir bawah; **2.** kumis.

komet (komét) jasad cakerawala yg beredar mengelilingi matahari dan meninggalkan kesan ekor yg bercahaya.

komidi **Id 1.** pertunjukan (permainan) sandiwara, lakonan (drama di pentas dsb); ~ *bangsawan* permainan sandiwara mengenai cerita lama (spt cerita raja-raja dll); ~ *gambar* ark wayang gambar; *gedung (rumah)* ~ bangunan (panggung) tempat dipertunjukkan permainan sandiwara; **2.** pertunjukan (spt gerak badan atau berbagai-bagai jenis senaman) spt bertunggang balik, berayun; *bermain* ~ a) mempertunjukkan berbagai-bagai jenis senaman (spt bertunggang balik dll); b) ki berpura-pura, tidak jujur, berbuat sesuatu dgn tidak berterus-terang, berdolak-dalik (percakapannya); ~ *kuda* permainan sarkas (yg menunjukkan kepandaian binatang); **3.** perbuatan yg berpura-pura (tidak sungguh-sungguh), perlakuan yg dibuat-buat, lawak: *Hanafiah tidak dapat meneruskan ~nya sbg orang sedang merajuk;*

mengomidikan memperdayakan, mempermainkan, menipu: *tidak disangkanya ia akan dikomidikan orang yg sangat dipercayainya.*

komik = *buku* ~ buku yg mengandungi cerita yg disertai dgn gambar-gambar yg melucukan.

komis IB pegawai atau jawatan yg tinggi sedikit drpd kerani: *Hanafi diterima bekerja sbg kerani dan kemudian naik pangkatnya menjadi ~.*

komisar 1. pegawai parti komunis yg ditugaskan kpd unit tentera utk mengajar prinsip dan keunggulan parti; **2.** ketua jabatan kerajaan di Rusia sehingga tahun 1946.

komisariat IB **1.** jawatan (pejabat, urusan) komisaris; **2.** pejabat pesuruhjaya polis.

komisaris IB **1.** orang yg dilantik utk menjalankan sesuatu tugas (spt menjadi ahli lembaga pengurus pertubuhan, badan perniagaan, dll), ahli (anggota) sesuatu suruhanjaya; **2.** = ~ *agung* = ~ *tinggi* pesuruhjaya tinggi (orang yg mewakili sesebuah negeri komanwel di negeri komanwel yg lain); **3.** = ~ *polisi* pesuruhjaya polis (pegawai polis yg mengetuai pasukan polis di sesuatu kawasan atau negeri).

komisen (komisén) sejumlah (peratusan) bayaran yg dibayar kpd seseorang, ejen, jurujual, dsb kerana perkhidmatannya, dalal: *jika laku keretanya, kita akan diberi ~.*

komisi I; mengkomisikan memberikan sesuatu tugas (kerja dsb) secara rasmi kpd pihak atau orang lain utk mengerjakan atau mengusahakannya dsb hingga selesai: *pihak pengurusan bersetuju utk ~ projek tersebut kpd universiti yg berkenaan;*

pengkomisian perihal (proses, tindakan atau perbuatan) mengkomisikan: ~ *projek itu terpaksa ditangguhkan sementara kerana sebab tertentu.*

komisi II IB **1.** badan utk tugas (kajian, siasatan, dsb) tertentu, suruhanjaya; **2.** = *pergi* ~ pergi ke sesuatu tempat utk menyiasat (menyelidiki) sesuatu perkara; **3.** = *barang* ~ barang orang lain yg

atau utk dijual dgn mendapat upah (komisen); *menjual* ~ menjual barang orang dgn menerima upah (komisen); **4.** = *wang* ~ (bayaran) yg diterima sbg upah menjual barang orang: *lebih banyak barang yg laku, lebih besar* ~ yg diperoleh;

mengomisi menyelidiki, memeriksa, menyiasat.

komite (komité) Id jawatankuasa, panitia: *suatu* ~ yg bertanggungjawab menguruskan kerja memungut derma telah dilantik.

komited mempunyai atau menunjukkan komitmen (terhadap sesuatu): *individu atau kumpulan ini merupakan penagih keuntungan yg kurang* ~ terhadap tanggungjawab sosial; *Asas 50, sebuah pertubuhan penulis yg* ~ kpd gagasan Seni utk Masyarakat.

komiti bp jawatankuasa, panitia.

komitmen 1. sikap (pendirian atau perbuatan) memberikan sepenuh tenaga dan perhatian dsb atau menunjukkan sokongan dan azam yg sepenuhnya kpd sesuatu, iltizam: *semuanya dihasilkan oleh barisan pekerja yg bersemangat tinggi, bermotivasi, dan mempunyai* ~ yg tinggi terhadap kerja; *Malaysia mengulangi* ~nya terhadap projek ini; **2.** perjanjian (persetujuan, kata putus, dsb) utk melakukan sesuatu yg menjadikan sesuatu pihak itu terikat utk melaksanakannya: *buat sementara ini* ~ sudah dibuat utk mengekalkan askar-askarnya di sana.

komkoma □□ **koma-koma.**

komoditi barangan yg diperdagangkan, terutamanya keluaran ladang, bahan mentah, dan bahan galian.

komodo sj biawak besar, *Varanus komodoensis*.

komodor = ~ udara pegawai tinggi dlm angkatan udara.

komofit (Bio) tumbuhan yg tumbuh di celah-celah batu yg penuh dgn sarap.

komoi sj tumbuhan (pokok); a) *Diospyros clavigera*; b) *Diospyros oblonga*.

komp. kep kompleks.

kompa ark pompa.

kompak teguh, kukuh, kuat, bersatu padu: *kalau masih ada perselisihan, tidak mungkin akan terdapat pimpinan yg ~ dlm persatuan.*

kompang sj rebana yg dipukul beramai-ramai: *riuh-rendah bunyi ~ di majlis perkahwinan itu.*

komparatif bkn atau berdasarkan perbandingan (spt linguistik terapan).

kompartmenten ruang atau bahagian yg terpisah drpd bahagian lain: *sains berada dlm ~nya yg tersendiri.*

kompas 1. alat yg menentukan arah mata angin, yg mempunyai jarum magnetik yg bergerak bebas dan menunjuk ke arah utara: *pasukan pengakap tersebut mencari jalan keluar dr hutan itu dgn menggunakan ~; jarum ~ jarum pd kompas yg menunjukkan arah; 2.* sj alat berkaki dua utk melukis bulatan, mengukur jarak pd peta, carta, dsb, jangka lukis: *elok menggunakan ~ utk membuat bulatan yg sempurna.*

kompaun denda yg dibayar dgn tidak perlu melalui pendakwaan di mahkamah: *dia dikenakan ~ sebanyak RM75.00 kerana kesalahan meletak kereta;*

mengkompau mengenakan kompaun terhadap (seseorang dsb): *dia telah dikompau sebanyak RM30.00 oleh Dewan Bandaraya kerana kesalahan meletak kereta;*

pengkompauan perihal atau perbuatan mengenakan kompaun.

komplain bp aduan kerana tidak puas hati (terhadap sesuatu): *wakil rakyat tersebut telah menerima ~ drpd orang ramai terhadap kekasaran sesetengah kakitangan kerajaan;*

mengomplain mengadukan (menyatakan) rasa tidak puas hati terhadap sesuatu: *mereka ~ kerana makanan tidak memuaskan.*

kompéndium (kompéndium) ringkasan atau ikhtisar tulisan ilmiah yg tuntas (padat): *dia menulis sebuah ~ tentang falsafah gurunya.*

kompeni 1. bp syarikat perniagaan: *beberapa buah ~ telah mengurangkan kakitangannya kerana perniagaan makin merosot;* **2.** pertubuhan atau persatuan perniagaan Inggeris (Syarikat Hindia Timur Inggeris) dan Belanda (Syarikat Hindia Timur Belanda) yg ditubuhkan pd permulaan abad ke-17; **3.** bp kerajaan, pemerintah; *harta (tanah) ~ harta (tanah) milik kerajaan; jalan ~ jalan yg dibina oleh kerajaan;* **4.** Id askar (terutama askar Belanda atau askar Syarikat Hindia Timur Belanda); **5.** pasukan tentera yg merupakan sebahagian drpd batalion, terdiri drpd lebih kurang 100 orang anggota dan biasanya dibahagikan kpd tiga platun: *askar dr ~ C batalion kedua.*

kompenian Id **1.** kewajiban membuat sesuatu pekerjaan, rodi; **2.** sj cukai tanah yg dikenakan kpd orang yg mendiami tanah persendirian.

kompensasi (kompénsasi) **1.** ganti rugi, sugu hati, pampasan; **2.** pemberian barang dll sbg menjelaskan hutang dll.

komperang Jk seluar panjang yg sangat longgar.

kompes (kompés) Jk ark; **dikompes** disoal dgn keras (oleh polis dll) supaya membuat keterangan atau pengakuan.

kompeten (kompetén) IB **1.** cekap, layak, dapat menjalankan tugas dgn sempurna; **2.** berhak (berkuasa) melakukan atau memutuskan sesuatu;

kekompетенan keadaan atau hal kompeten: *keakuran dan ~ sains.*

kompeten (kompétén) (Udg) layak atau berkuasa di sisi undang-undang utk memberikan keterangan, membicarakan dsb (bkn mahkamah, saksi atau hakim): *Mahkamah Rayuan tersilap apabila memutuskan Mahkamah Syariah bukan mahkamah yg ~ utk membicarakan kes berkenaan.*

kompetensi (kompeténsi) IB hak (kuasa) utk memutuskan atau melakukan sesuatu.

kompetensi (kompétensi) kecekapan: *kursus ~ umum.*

kompetisi (kompétisi) IB pertandingan utk merebut kejohanan.

kompetitif (kompétitif) bersifat persaingan, cenderung atau suka bersaing.

komp IB pasukan kecil askar di bawah pimpinan seorang kapten, kompeni: *tiga ~ tentera jalan kaki telah memasuki bandar itu.*

kompleks (kompléks) **1.** rumit, sulit (tidak mudah atau jelas), mengandungi berbagai-bagai unsur (ciri dsb) atau perkara: *masalah yg dihadapi tidak ~ dan akan dapat diatasi; masyarakat moden dgn cara hidup yg ~; masyarakat Malaysia memang ~ sifatnya dgn berbagai-bagai kaum dan suku bangsa, adat resam, bahasa, dan sebagainya;* **2.** kumpulan butir atau unsur atau gabungan pelbagai bahagian yg menciptakan (mewujudkan) sesuatu yg sempurna atau lengkap; **3.** kumpulan bangunan atau binaan yg terdiri drpd beberapa binaan dsb yg bercantum menjadi suatu keseluruhan: *~ membeli-belah; rancangan membina sebuah ~ sukan di Ayer Keruh, Melaka; K~ Jemaah Haji di Kelana Jaya;* **4.** (Psi) perasaan (spt perasaan megah, rendah diri, dll) yg mempengaruhi sikap, perangai, keperibadian, dll seseorang: *setelah mencapai kejayaan, timbullah*

~ 'aku pengarang' dan 'aku wartawan'; **5.** (Kim) sebatian yg satu molekulnya terangkai pd molekul lain melalui ikatan koordinat;

~ *rasa bersalah* (Psi) keadaan fikiran seseorang yg dihantui perasaan bersalah kerana telah terlanjur melakukan sesuatu kesalahan; ~

rendah diri (Psi) keadaan fikiran yg menyebabkan seseorang merasai dirinya kurang penting, kurang dikagumi, tidak bijak dsb sehingga boleh mendorong ia bersikap agresif atau menysisihkan diri;

~ *tinggi diri* (Psi) keadaan fikiran yg memperlihatkan sikap seseorang yg berasa seolah-olah dirinya lebih hebat, lebih penting, lebih bijak dsb drpd orang lain dan cenderung bersikap sombong diri atau angkuh;

kekomplesan sifat atau keadaan kompleks: *ayat-ayat yg diterbitkan mempunyai ~ yg tinggi.*

kompleksiti (kompléksiti) sifat atau keadaan kompleks, kekomplesan: *kerumitan dan ~ sentiasa mencirikan proses perubahan; ~ struktur empayar India; ~ dlm sajak.*

komplikasi 1. kekusutan (sesuatu keadaan, kerana bercampuraduknya berbagai-bagai perkara atau timbulnya unsur atau faktor yg merumitkan); **2.** penyakit baru atau perkembangan baru pd sesuatu penyakit yg menjadikan lebih rumit utk dirawat dan diubati: *akibat tersalah makan ubat, ia mendapat ~ dan terpaksa dirawat di rumah sakit.*

komplit sempurna (tidak berkurang suatu apa pun), lengkap, genap, cukup semuanya: *terdapat juga tempat permainan kanak-kanak yg ~ dgn segala jenis mainan kanak-kanak.*

komplot = **komplotan** rancangan atau pakatan sulit bertujuan melakukan kejahatan (jenayah, kekacauan, dsb): *segala rancangan ~ yg hendak*

menimbulkan kekacauan itu telah diketahui polis; beliau mendakwa ada ~ yg berusaha menimbulkan permusuhan antara kita semua;

berkomplot bermuafakat utk melakukan kejahatan (jenayah, kekacauan, dsb): *kesemua yg ditangkap itu dituduh menjalankan gerakan haram dgn bermuafakat atau ~;*

pengkomplot orang yg berkomplot.

kompek kelompok.

kompol Id; **mengompol** kencing sewaktu tidur, kencing malam.

komponen bahagian yg menjadikan sesuatu (spt enjin, pesawat, alat, dll) lengkap atau sempurna, (yg menjadi) bahagian drpd sesuatu yg lebih besar (kompleks atau lengkap): *strategi yg disebut tadi mesti ada ~ sosial yg menjalankan dasar dan disiplin yg boleh menjamin harmoni; parti-parti ~ Barisan Nasional.*

kompong kudung, kontot, rompong; *ayam ~ ayam togel (tidak berekor); selendang ~ selendang pendek.*

komponis IB penggubah (pencipta) lagu atau muzik: *sungguh berminat ia mendengar muzik ciptaan ~ yg terkenal, Beethoven, Chopin dan Tchaikovsky.*

kompor IB sj dapur memasak yg menggunakan minyak tanah.

kompos I baja drpd bahan-bahan organik spt daun, kayu, tahi binatang, dll yg telah reput;

mengompos bertukar menjadi kompos: *lama-kelamaan ranting-ranting dan daun itu akan reput dan ~;*

pengomposan proses menghasilkan kompos.

kompos II; **mengompos** mengatur huruf dlm percetakan.

komposer penggubah (lagu, muzik, dsb), pencipta.

komposisi 1. gubahan, ciptaan, karangan: *novel yg baik ~nya tidak membosankan*; 2. teknik (cara) menyusun dan menjalin sesuatu karangan atau ciptaan hingga menjadi hasil karya sastra atau seni yg sempurna; 3. bahagian-bahagian yg terjalin menjadi sesuatu yg lengkap, bahagian-bahagian drpd sesuatu kesatuan, jalinan bahagian-bahagian pd sesuatu keseluruhan: *Kota Kinabalu juga menjadi bandar yg seimbang ~ penduduknya antara penduduk pribumi dan bukan pribumi*;

mengomposisikan menggubah, mencipta, mengarang: *akan kukomposisikan sebuah lagu dan kunyanyikan sepanjang hidupku*.

komposit 1. terdiri drpd beberapa bahagian, unsur, bahan dsb yg berlainan: *sistem paip ~*; 2. sesuatu yg terbentuk drpd pelbagai bahagian, unsur dsb: *polimer baru dapat diperkukuh menjadi ~ pelbagai guna, khususnya utk pembinaan kereta dan kapal terbang*.

kompot kontot, kudung, pendek.

komprehensif (kompréhénsif) luas liputannya dan lengkap atau banyak butiran dll yg terkandung di dalamnya, tuntas: *sebuah kamus yg ~ sangat diperlukan; menyediakan laporan-laporan yg ~*.

kompres (komprés) kain basah atau kering atau pad yg ditekan-tekan pd bahagian badan utk melegakan sakit dll;

mengompres menyejukkan kepala dll dgn kompres, menjaram.

kompromi persetujuan atau penyelesaian yg berdasarkan tolak ansur atau jalan tengah (antara dua tuntutan yg bertentangan): *penyelesaian itu merupakan satu ~ antara pihak majikan dan kesatuan pekerja*;

berkompromi bersetuju atau mencapai persetujuan (kesepakatan dsb) dgn cara bertolak ansur (dlm pertikaian dll): *pertikaian itu tidak dapat diselesaikan kerana kedua-dua pihak enggan ~*;

mengkompromikan menyatakan persetujuan atau kesepakatan dgn unsur lain sehingga mencemarkan prinsip, pegangan hidup: *penganut agama Islam dilarang ~ prinsip hidup mereka dgn mana-mana fahaman.*

komputer alat elektronik yg menyimpan maklumat pd cakera atau pita bermagnet, menganalisisnya dan mengeluarkan maklumat selanjutnya apabila diperlukan;

~ *bimbit* komputer yg unit pemprosesan pusat, pemacu cakera dan skrinnya disepadukan dlm bentuk beg bimbit; ~ *buku* komputer bimbit yg saiznya lebih kecil drpd komputer riba; ~ *hos* komputer yg disambungkan kpd suatu rangkaian dan berperanan menyediakan kemudahan kpd komputer lain; ~ *meja* komputer yg sesuai diletakkan dan digunakan di meja; ~ *peribadi* komputer kecil yg dapat digunakan secara bebas atau tersendiri oleh seseorang individu; ~ *riba* komputer bimbit yg saiznya lebih besar drpd komputer buku; ~ *telapak* komputer bimbit yg saiznya lebih kecil drpd komputer buku, lebih kurang sebesar telapak tangan;

berkomputer yg menggunakan (atau dibina, disediakan, dilaksanakan, dsb dgn) komputer: *bank data ~; penterjemahan ~;*

mengkomputerkan 1. □ menggunakan atau melengkapkan dgn komputer (utk melaksanakan sesuatu kerja): ~ *pejabat*; 2. memproses atau menyimpan maklumat dsb dgn menggunakan komputer: *data itu telah dikomputerkan*;

pengkomputeran perihal (kerja, proses, dsb) mengkomputerkan (maklumat dsb), penggunaan alat atau sistem komputer utk pelaksanaan sesuatu atau dlm pengurusan sesuatu, komputerisasi; ~ *agensi-agensi kerajaan.*

komputerisasi pengkomputeran.

komrad orang (rakan) yg sama-sama menjadi anggota sesebuah pertubuhan atau parti politik: *mereka tidak tinggal selama-lamanya di dlm hutan spt ~ komunis yg lain.*

komunal 1. bkn (pemilikan) hak secara bersama: *sumber tenaga secara ~;*
2. bkn kepentingan awam: *hak milik bercorak ~ kpd yg bercorak individu.*

komunalisme semangat yg lebih menitik-beratkan kepentingan sesuatu kaum sahaja, faham perkauman: *aliran politik yg sempit yg berorientasikan ~.*

komunikasi perhubungan (secara langsung atau dgn perantaraan surat, radio, telefon, dll); ~ *massa* komunikasi atau perhubungan dgn atau yg sampai kpd orang ramai amnya;

berkomunikasi berhubungan (secara langsung atau dgn perantaraan surat, radio, telefon, dll), mengadakan perhubungan (bercakap, berbincang, bertukar-tukar pendapat, dll): *bahasa ialah alat utk ~ dan alat utk berfikir dan melahirkan buah fikiran;*

mengkomunikasikan menyebarkan atau menyampaikan maklumat (berita, dll) melalui saluran komunikasi: *muzium di Amerika Syarikat menghubungi sekolah utk ~ pengajaran yg diberikan.*

komunikatif sedia atau dapat berhubungan (mengadakan komunikasi), dapat atau mudah menyampaikan sesuatu maksud (maklumat dsb): *sajak-sajak yg dihasilkan oleh generasi Usman dan Masuri bersifat ~;*

kekomunikatifan keadaan atau perihal komunikatif: *tingkat ~.*

komunikator orang atau institusi yg menghantar pesan (maklumat dll) kpd penerima pesan.

komunike (komuniké) kenyataan atau pengumuman rasmi (spt yg dikeluarkan selepas persidangan, perundingan, dsb utk siaran akhbar dsb).

komunis orang (golongan) yg menganut atau mengamalkan faham komunisme: *mereka mempelajari ajaran Marx dan Lenin utk memperlengkapkan diri menjadi ~ ; parti ~ ;*

blok ~ kumpulan beberapa buah negara yg menganut dan mengamalkan komunisme; *faham ~* komunisme.

komunisme fahaman politik yg (hendak) menjadikan faktor pengeluaran dan barang-barang pengguna milik negara atau milik bersama rakyat: *~ diamalkan dgn luasnya sbg falsafah hidup di negeri China dan beberapa negeri Eropah Timur.*

komuniti **1.** kumpulan orang yg tinggal di sesuatu daerah atau negara, masyarakat (di sesuatu tempat atau negara), orang ramai umumnya; **2.** kumpulan individu yg mempunyai sifat-sifat (kecenderungan, kepentingan, dll) yg serupa: *~ akademik; ~ para ilmuwan.*

komutator **1.** perkakas utk mengubah arah arus elektrik (terutama utk menukar arus ulang-alik menjadi arus terus); **2.** bahagian berputar (dlm dinamo atau motor) yg menerima arus drpd berus atau menghantar arus kpd berus.

komuter kereta api elektrik yg berulang-alik utk mengangkut penumpang ke pusat bandar, tempat kerja dsb: *setiap hari dia berulang-alik dgn ~.*

kon **1.** jasad pejal yg meruncing ke hujung dr tapaknya yg rata dan bulat; **2.** sesuatu yg berbentuk kon, sama ada pejal atau geronggang.

konan ark; **mengonani** memukul (menyerang) beramai-ramai.

koncah berkocak (air), tidak tenang (air laut dll).

koncet □ □ **kuncit**.

konco rakan (sahabat, teman), kakitangan, pembantu: *dia dan ~nya dapat mempengaruhi orang-orang kampung.*

kondai □ □ **kundai**.

konda kondi sj permainan rakyat (biasanya utk kanak-kanak) yg menggunakan dua batang kayu (satu panjang, satu pendek), disungkit menerusi lubang yg disediakan dan dipukul.

kondangan Jk **1.** menghadiri majlis kenduri (perkahwinan dll), berkunjung ke tempat diadakan kenduri (upacara dll) utk membantu dll; **2.** undangan, jemputan.

konde (kondé) □ □ □ **kundai**.

kondem (kondém); *sudah* ~ bp sudah rosak sama sekali dan tidak boleh dipakai lagi (bkn kereta, alat perkakas, barang, dll).

kondensasi (kondénsasi) (Kim) proses perubahan keadaan sesuatu bahan drpd wap atau gas kpd cecair, pemeluwapan;

terkondensasi berubah drpd wap (atau gas) kpd cecair.

kondenser (kondéenser) **1.** radas utk mendinginkan wap dan memeluwapkannya (menjadikan cecair); **2.** kanta utk menumpukan cahaya ke sesuatu benda; **3.** = ~ *elektrik* alat yg terdiri drpd dua atau lebih kepingan pengalir dan digunakan utk menerima dan menyimpan cas elektrik.

kondil (Bio) struktur bulat dan licin pd hujung tulang tertentu yg terlekat pd soket tulang lain utk membentuk sendi lesung.

kondisi IB **1.** sesuatu yg perlu dimiliki (dilakukan dll) supaya dapat mencapai, memperoleh, dll) sesuatu, syarat (yg menjadi asas sesuatu perkembangan dll); **2.** keadaan, kedudukan.

kondo singkatan bagi kondominium.

kondom sarung drpd getah dsb yg disarungkan pd kemaluan lelaki utk mencegah jangkitan atau kehamilan akibat hubungan seks.

kondominium bangunan pangsapuri yg setiap pangsapurnya dimiliki secara perseorangan dan bahagian-bahagian tertentu dimiliki bersama.

kondor I Jk sj penyakit yg menyebabkan kantung kemaluan menjadi besar, burut;

kondoran kondor.

kondor II sj burung pemangsa yg besar yg gemar memakan bangkai binatang, terdapat terutamanya di Amerika Selatan.

kondotel (kondotél) tempat penginapan yg berasaskan gabungan konsep kondominium dan hotel.

kondritis (Ubat) radang pd tulang rawan.

konduit (Kej) tiub atau salur yg melindungi dawai elektrik bertebat.

konduksi (Fiz) pemindahan tenaga haba atau tenaga elektrik melalui sesuatu bahan (konduktor), pengaliran;

konduksian dapat mengalirkan haba, arus elektrik dsb: *kehilangan* ~;

kekonduksian sifat atau keupayaan mengalirkan arus elektrik, haba dsb: *lapisan kering makanan mempunyai ~ terma yg rendah dan bertindak sbg penebat di samping memberi rintangan terhadap pengaliran haba;*

pengkonduksi bahan atau medium yg melaluinya tenaga haba atau elektrik dapat mengalir, konduktor.

konduktif konduksian.

konduktor 1. orang yg menjual tiket dan mengutip tambang dlm bas; **2.** (Fiz) bahan atau medium yg melaluinya tenaga haba atau elektrik

dapat mengalir; ~ *elektrik* bahan (dlm bentuk larutan, leburan, atau pepejal) yg melaluinya arus elektrik dapat mengalir; **3.** (Muz) orang yg memimpin sesuatu persembahan koir, simfoni atau orkestra.

kondusif sesuai, baik dsb utk membantu, mencapai atau mendorong menghasilkan sesuatu: *dgn penyediaan persekitaran yg ~, negara akan terus mengalami perkembangan ekonomi yg menggalakkan; keadaan ini dikatakan tidak ~ dlm melahirkan suatu generasi baru pemikiran dan intelektual yg berwibawa.*

konek (konék) bk kemaluan laki-laki, zakar.

koneng (konéng); *kuih* ~ sj kuih.

konfederasi (konféderasi) pergabungan atau gabungan antara negara, parti politik, dll.

konfeksi (konféksi) **1.** sediaan manis yg dibuat drpd buah-buahan, kacang, dll spt halwa, gula-gula, dsb; **2.** sesuatu spt topi dll, terutamanya utk wanita, yg dibuat dgn penuh hiasan.

konferensi (konferénsi) pertemuan formal utk berbincang, bertukar-tukar pendapat dan maklumat, dsb tentang sesuatu perkara, terutamanya di kalangan pihak-pihak yg mempunyai minat dan kepentingan bersama, persidangan, muktamar: *suatu ~ pakar-pakar dr seluruh dunia utk membincangkan masalah kekurangan makanan telah diadakan baru-baru ini.*

konfeti (konféti) cebisan kertas berwarna-warni yg ditaburkan pd pengantin baru atau orang ramai dlm sesuatu majlis.

konfigurasi (Kim) susunan atom sesuatu molekul di dlm ruang; ~ *elektron* susunan elektron di dlm atom; ~ *mutlak* gambaran terperinci sesuatu molekul, termasuk cara atom-atom tersusundi dlm ruang.

konflik perselisihan atau pertentangan antara individu, idea, kepentingan dll: *beliau memberi amaran kpd orang-orang yg hendak menimbulkan ~ antara kaum di negeri ini; cerita itu penuh dgn ~ jiwa, antara kasih dan tanggungjawab;*

berkonflik berselisihan, bertentangan, terlibat dlm sesuatu konflik.

konfrontasi 1. persemukaan (keadaan saling berhadapan) antara dua orang (pihak, negeri, dll) yg bertentangan (berselisihan, bermusuhan); **2.** pertentangan (permusuhan) secara langsung yg menyebabkan orang atau pihak yg terlibat menghadapi kemungkinan berlakunya pergaduhan (peperangan dsb): *kerana masing-masing hendak melamar gadis yg sama, timbullah ~ antara kedua-dua pemuda itu; dgn jatuhnya Presiden Soekarno, tamatlah ~ antara Malaysia dan Indonesia;*

berkonfrontasi 1. saling berhadapan antara dua orang dll yg bertentangan, bersemuka; **2.** bermusuhan (bertentangan) secara langsung (yg boleh mencetuskan pergaduhan, peperangan, dsb): *masing-masing ~ terhadap yg lain.*

konga (Muz) **1.** sj tarian Amerika Latin; **2.** sj gendang yg berasal dr Amerika Latin, yg tinggi dan kurus, dan dipalu dgn tangan.

kongenital (kongénital) (Ubat) berkaitan dgn penyakit atau keadaan yg dialami sejak lahir.

kongkalikung, kongkalingkung 1. bp curang (tidak jujur atau berterang-terang); **2.** sekongkol dlm melakukan sesuatu yg tidak baik;

berkongkalikung bersekutu (bersepakat) dlm melakukan sesuatu kesalahan (tipu daya dll), bersekongkol.

kongkang I sj kera kecil yg tidak berekor dlm famili Lorisidae, *Nycticebus coucang*; *spt ~ malu; agih-agih ~ prb terlalu dermawan atau murah hati hingga diri sendiri mendapat kesusahan;*

mengongkang 1. berlaku spt kongkang; **2.** mengerip, mengunggis: *Intan sedang enak ~ epal.*

kongkang II ark sj katak besar, kangkung.

kongkek (kongkék) bp bersetubuh, bersanggama.

kongkiak kelengkiak.

kongko Jk berbual-bual, berborak.

kongkoan C 1. bangunan utk digunakan oleh orang ramai, balai raya; **2.** majlis atau badan penasihat hal-hal mengenai orang Cina.

kongkol □ □ □ **sekongkol.**

kongkong I benda drpd kayu atau besi yg berlubang yg dikenakan pd leher orang salah atau orang tahanan (utk menghukumnya atau mencegahnya drpd lari), pasung;

mengongkong 1. mengenakan kongkong pd, memasung, membelenggu: *ia ditangkap, diheret dan kemudian dikongkong dlm sebuah pondok kecil;* **2.** ki membatasi (kebebasan, pergerakan, dll), menghalangi, menyekat: *ia ingin bebas, tidak dikongkong oleh berbagai-bagai peraturan dan disiplin yg keras;* **3.** mengepung, melingkungi: *pasukan tentera yg dikirimkan itu mula ~ askar musuh yg terperangkap;* **4.** meliputi, mencakupi, merangkumi: *ilmu kedokteran ~ ilmu anatomi, perubatan, kesihatan, dll;*

terkongkong terbelenggu, terikat, tersekat (bkn kebebasan dll): *semua orang yg ~ kebebasan asasinya berhak menuntut kebebasan; pemikiran penulis masih kuat ~ oleh keadaan alam sekelilingnya;*

kongkongan ki perihal terkongkong, ikatan, sekatan, cengkaman:
dlm negara yg mengamalkan demokrasi, mahkamah keadilan bebas drpd ~ pemerintah; puas ia mencari jalan melepaskan dirinya drpd ~ lelaki yg tidak disukainya itu;

pengongkong 1. perihal atau perbuatan mengongkong (memasung, membelenggu), pemasungan, pembelengguan; 2. perihal atau perbuatan mengongkong (membatasi, menghalangi menyekat), pembatasan, penghalangan, penyekatan;

pengongkong orang yg suka mengongkong (kebebasan, pergerakan, dll), penghalang, penyekat.

kongkong II bunyi (salak) anjing yg kuat;

mengongkong menyalak dgn kuat, menggonggong.

konglomerat; 1. *batu* ~ batu yg terdiri drpd pecahan batu atau kerikil yg bergumpalan dgn pasir dan tanah liat; 2. (Eko) firma perniagaan yg besar yg terdiri drpd gabungan beberapa syarikat dgn tujuan utk meningkatkan kecekapan melalui fungsi pemasaran, agihan, dan pembelian.

kongo Kl, Tr tidak bermaya atau tidak bertenaga, lemah, lesu.

kongres (kongrés) I mesyuarat besar wakil-wakil pertubuhan (politik, sosial, budaya, dsb) utk membincangkan sesuatu isu dsb: *masalah memajukan bahasa Melayu, dan membaiki kedudukan ekonomi orang Melayu telah dibincangkan dlm beberapa ~ yg telah diadakan;*

berkongres mengadakan kongres: *mereka ~ lagi utk membincangkan masalah lain pula.*

Kongres (kongrés) II badan perundangan persekutuan di Amerika Syarikat yg terdiri drpd Dewan Rakyat dan Senat.

kongruen (Mat) mempunyai bentuk dan saiz yg sama (bkn rajah): *segi tiga* ~.

kongsi 1. persekutuan (pergabungan) yg mengandungi dua orang atau lebih yg bekerjasama (dlm sesuatu usaha dsb); *rumah* ~ rumah perkumpulan (pekerja-pekerja dll); **2.** persekutuan pedagang-pedagang syarikat: *baru-baru ini, satu* ~ *Cina telah membuka kedai di situ*;

~ *gelap* perkumpulan sulit (utk maksud atau kegiatan jahat); ~ *hidup* teman hidup (suami atau isteri seseorang);

berkongsi 1. bersekutu (bergabung) dlm sesuatu kegiatan (spt berniaga dll), bersama-sama (membayar, menggunakan, menduduki, dll): *ketiga-tiganya* ~ *berniaga dgn sama-sama menanggung perbelanjaan dan membahagikan keuntungan*; *mereka* ~ *mendiami rumah itu*; *para dermawan yg sudi* ~ *derita dgn mereka yg memerlukan*; **2.** berkomplot, bersepakat: *hamba menyangka tuan hamba* ~ *dgn lanun Panglima Tujuh*; ~ *hidup* hidup bersama-sama (sbg suami isteri);

mengongsi menggunakan (menduduki dll) bersama-sama: *pelita* yg *sebuah itu dikongsi mereka ketika belajar*;

kongsian ark sj cukai yg dikenakan ke atas penduduk tanah persendirian;

perkongsi 1. syarikat perniagaan yg dijalankan secara berkongsi oleh dua orang atau lebih sbg rakan niaga: *sebahagian drpd perusahaan bijih timah dimiliki oleh* ~; **2.** = ~ *hidup* perihal hidup bersama-sama (sbg suami isteri): *ada orang yg membuat fitnah supaya* ~ *hidup mereka menjadi porak-peranda*;

pekongsi individu atau kumpulan yg berkongsi.

konifer (Bio) tumbuhan (spt damar minyak, sempilor, podo, dll) dlm order Coniferales, divisi Gymnospermae, yg menghasilkan kon dan mempunyai daun yg menyerupai jarum atau sisik (banyak terdapat di Eropah dan Amerika Utara).

konjunktiva (Ubat) membran bermukus yg menyelaputi bahagian depan bola mata dan permukaan bawah kelopak mata.

konjunktivitis (Ubat) radang pd konjunktiva.

konklusi keputusan pendapat (berdasarkan keterangan, kenyataan, dll), kesimpulan.

konklusif tidak dapat dipertikaikan lagi (bkn keterangan, keputusan dsb), pasti, kukuh, muktamad: *ujian DNA itu tidak akan memberikan keputusan yg ~; bukti yg ~ tentang perbuatan yg sengaja bagi menyembunyikan kematian dgn cara membuang mayat itu secara sulit.*

konkologi kajian tentang kerang-kerangan, termasuk cangkerangnya.

konkordans (Lin) senarai kata dlm korpus (buku, majalah, dsb) yg disusun mengikut abjad yg menyatakan kedudukan sesuatu kata, dan cara penggunaannya dlm bahagian korpus yg berkenaan.

konkos ruang terbuka yg luas dlm sesebuah bangunan tempat orang ramai berkumpul atau berlegar-legar.

konkrit **1.** campuran batu kelikir dgn simen (pasir dll) yg digunakan utk pembinaan bangunan dll (terutamanya utk asas, tiang alang bangunan, dll): *asas rumah itu dibuat drpd ~*; **2.** bersifat (berupa) sesuatu yg dapat digambarkan (dirasai, dilihat, dll), bersifat kebendaan (tidak abstrak), nyata ada (kelihatan dsb), maujud: *pembukaan tanah baru merupakan suatu langkah yg ~ ke arah pembangunan ekonomi negara*; **3.** pasti (tidak samar-samar dsb),

positif: *mereka diminta mengemukakan cadangan-cadangan yg ~; tidak satu pun fakta ~ yg dapat diperjelas tanpa kajian;*

mengkongkritkan ki menambahkan kepastian (tidak diragui) tentang sesuatu, memperlihatkan kemaujudan: *konsep takwa dikongkritkan dgn jelas;*

kekongkritan perihal (keadaan) kongkrit, kemaujudan.

konkrus IB, bp peraduan (menyanyi dll).

konkuren (konkurén) IB **1.** pertandingan, perlawanan, persaingan (harga dll); **2.** berlawanan, bersaing (harga dll); **3.** saingan, lawan (dlm perniagaan dll).

konkurensi (konkurénsi) IB perlawanan, persaingan.

konon 1. kata utk menyatakan perasaan ingin tahu, gerangan, agaknya: *apa ~ yg merunsingkannya? 2.* katanya, kata orang, menurut khabar: *kudengar engkau ~ hendak mengadakan Sang Guna; adalah ~ seorang perempuan terlalu baik parasnya; 3.* agaknya (begitu), rasanya (begitu), barangkali (begitu), bukankah: *maka inilah sebetuk cincin ia minta jualkan, keputusan belanja ~; 4.* kata utk menyatakan sindiran atau ejekan, seolah-olah, lakunya: *badan sudah tua hendak membuka kebun baru ~; jadi kau fikir ~nya kau boleh dapat kerja di sana? 5.* sl khabar; **6.** = **kononkan** = ~ lagi = ~ pula apalagi, istimewa pula, inikan pula: *sedang gajah liar lagi dapat kita jerat, ini ~ gajah jinak;*

mengonon, memperkonon, memperkononkan memperdayakan, memperolokkan, mempermainkan (dgn kata-kata yg bukan-bukan dsb): *kalau sudah ada sedikit pengetahuan, tidaklah mudah diperkononkan orang;*

mengononkan **1.** mengonon, memperkonon(kan); **2.** mengisahkan (mempercakapkan) dgn konon (dgn berasaskan kata orang, khabar-khabar, dsb).

konotasi (Lin) asosiasi atau idea yg dimaksudkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan selain maknanya yg tersurat: *erti istilah perlulah tepat dan tidak boleh mempunyai ~ buruk;*

berkonotasi mempunyai konotasi, ada konotasinya.

konotatif (Lin) berkaitan dgn atau mempunyai konotasi: *kata-kata yg mempunyai makna ~.*

konsekuen (konsékuen) secocok (sesuai, selaras) dgn kata-kata dll yg terdahulu, sama (tidak bersalahan) dgn yg sudah-sudah: *tidak dapat diadakan garis batas antara kedua-dua golongan itu secara ~.*

konsekuensi (konsékuensi) **1.** akibat (drpd sesuatu perbuatan), kesudahan, padah; **2.** keselarasan (kesesuaian) dgn yg sebelumnya.

konsensus (konsénsus) persetujuan bersama (umum) terhadap sesuatu perkara, kesepakatan pendirian, permuafakatan: *namun demikian, semakin banyak ia dibincangkan dan didebatkan maka yg lahir bukanlah ~ tetapi sebaliknya konflik; pihak penganjur telah memberikan ~ mereka terhadap penggunaan segala kemudahan yg disediakan itu.*

konsentrasi (konséntrasi) tumpuan perhatian atau fikiran (pd sesuatu yg dilakukan dll): *kita tidak akan dapat bekerja dgn penuh ~ jika diganggu oleh masalah rumah tangga.*

konsep (konsép) **1.** pengertian am atau idea yg mendasari sesuatu: *~ demokrasi tidak bererti kebebasan yg tidak terbatas;* **2.** rancangan (rencana, surat, dll), draf (surat dll), rang: *~ surat;*

berkonsepkan mempunyai sesuatu sbg konsep: *rumah saya ~ seni bina timur dan barat.*

konsepsi (konsépsi) pengertian, pendapat yg terbentuk dlm fikiran (seseorang, sesuatu kumpulan dsb) tentang sesuatu idea, gagasan: *~ hidup mereka yg tidak mementingkan mata benda harus diubah supaya tercapai kemajuan;* □

mengkonsepsikan membayangkan (menggambarkan) sesuatu konsep dlm fikiran, mengkonseptualisasikan: *sekiranya penguasaan bahasa baik, mudah seseorang itu ~ sesuatu benda;*

pengkonsepsian perihal atau perbuatan mengkonsepsikan: *gangguan pd sistem saraf otak menyebabkan prestasi pembelajaran individu terjejas, khususnya dlm aspek penanggapan dan ~;*
□ □ **konsep.**

konseptual (konséptual) berkaitan dgn (mengenai) konsep, berasaskan konsep: *para penonton juga dapat mengkaji persamaan dan perbezaan dlm idea-idea ~ serta gaya olahannya.*

konseptualisasi (konséptualisasi) pembentukan konsep tentang sesuatu: *dia membuat ~ tentang pendidikan;*

mengkonseptualisasikan mengkonsepsikan.

konser (konsér) IB konsert.

konsert persembahan muzik oleh penyanyi atau pemain muzik di hadapan penonton: *malam itu kami mendengar ~ karya Beethoven di Palais de Chaillot.*

konsertina (Muz) sj alat muzik yg rupanya seakan-akan akordion kecil.

konserto (Muz) gubahan muzik yg menampilkan persembahan pemain solo dgn iringan orkestra.

konservasi pemeliharaan atau penjagaan sesuatu secara tersusun bagi mengatasi kerosakan (kemusnahan dll).

konservatif 1. bersikap mempertahankan adat, nilai, dll yg telah menjadi kelaziman atau tradisi, tidak mudah menerima perubahan: *usul supaya sistem pelajaran dirombak telah ditentang hebat oleh pihak ~*; **2.** kolot, tidak moden.

konservatisme faham konservatif yg cenderung mengamalkan kebiasaan (yg menjadi tradisi).

konsesi (konsési) 1. hak atau keizinan yg diberikan kpd syarikat dll utk menggunakan sesuatu kawasan bagi tujuan melombong (membalak dll): *dua buah syarikat asing telah diberi ~ utk melombong besi di beberapa kawasan; pihak berkuasa negeri boleh juga memberi ~ kawasan kayu balak*; **2.** tolak ansur (dlm tuntutan, perundingan, dll): *persetujuan akhirnya tercapai setelah kedua-dua pihak membuat ~*.

konsignasi IB 1. pengiriman barang-barang utk dijual oleh penerimanya; **2.** perihal menyimpan (mengamanatkan) wang kpd orang dll, penitipan (wang).

konsisten 1. terus berpegang pd pendirian dsb yg sama, tekak; **2.** secocok, sesuai, sejajar, tidak bertentangan antara satu dgn lain;

kekonsistenan keadaan yg konsisten, keselarasan.

konsistensi perihal konsisten, ketekalan.

konsol (Kej) papan suis dsb yg digunakan utk mengawal operasi alat mekanikal atau elektronik.

konsolidasi perihal (usaha, proses, dsb) memperkukuh atau mempererat perhubungan (perpaduan dll);

mengkonsolidasikan memperkukuh atau mempererat perhubungan (perpaduan, persatuan, dll).

konsonan (Lin) huruf selain vokal (spt *t, s, l*, dll).

konsortium gabungan beberapa buah syarikat (bank dll) yg mengadakan usaha bersama atau kerjasama erat utk sesuatu tujuan atau kegiatan tertentu.

konspirasi rancangan rahsia utk melakukan sesuatu yg menyalahi undang-undang (terutamanya yg berbaur politik): *negara kita Malaysia, juga tidak ketinggalan menerima bahang panas komplot ~ kuasa-kuasa besar tersebut;*

berkonspirasi melakukan (menganjurkan, mengadakan dsb) konspirasi, berkomplot: *ada tokoh-tokoh korporat yg dikatakan ~ utk menjatuhkan menteri berkenaan; kami tidak ~ utk menyekatnya drpd menjadi ahli parti.*

konspirator orang yg berkonspirasi, pengkomplot: *dia pernah didakwa sbg salah seorang ~ dlm percaturan politik itu.*

konstabel anggota pasukan polis yg pangkatnya paling rendah.

konstantan sj aloi yg mengandungi 55-60% tembaga dan 40-45% nikel (digunakan dlm alat pengukuran suhu).

konstituante IB suruhanjaya yg merangka (membentuk) perlembagaan.

konstituen (Lin) unsur bahasa yg merupakan satu juzuk (bahagian) drpd satuan bahasa yg lebih besar: *satu atau beberapa perkataan yg berfungsi sbg satu ~ dlm binaan ayat.*

konstitusi **1.** perlembagaan (sesebuah negara dll); **2.** segala undang-undang (peraturan dll) yg menentukan cara atau sistem pemerintahan (pentadbiran) negara dll.

konstitusionalisme **1.** sistem atau prinsip pemerintahan yg berdasarkan perlembagaan; **2.** sokongan atau pegangan yg kuat terhadap prinsip pemerintahan yg berdasarkan perlembagaan.

konstruksi IB **1.** pembinaan sesuatu (spt bangunan, kapal, dll); **2.** Id susunan dan kedudukan kata-kata dlm ayat atau rangkai kata.

konstruktif membina (bkn kritikan, pemikiran, dll).

konsul pegawai yg dilantik oleh sesebuah negara utk menjaga kepentingan perdagangan dan membantu warganya di negara asing; ~ *jeneral* konsul yg terutama atau ketua konsul (yg mengetuai konsul-konsul lain).

konsulat **1.** kediaman atau ibu pejabat konsul; **2.** jawatan konsul.

konsuler (konsulér) IB (yg) berkaitan dgn konsul atau konsulat.

konsultan (pakar) perunding, pakar runding.

konsultasi usaha bertukar-tukar fikiran dan pendapat utk mendapatkan nasihat;

berkonsultasi **1.** bertukar-tukar fikiran dan pendapat utk mendapatkan nasihat dll: *ahli meteorologi biasanya ~ dgn ahli statistik*; **2.** meminta nasihat (tentang kesihatan, rawatan, dsb).

konsumen (konsumén) IB pengguna barang-barang, lwn produsen (pengeluar barang-barang).

konsumerisme sistem melindungi hak dan kepentingan pengguna.

konsumsi IB penggunaan barang-barang (spt hasil pertanian, perusahaan, dll).

kontak **1.** kenalan yg melaluinya seseorang boleh mendapatkan pertolongan, maklumat, sokongan, dsb dlm sesuatu urusan: *Kadri mengaku kononnya dia mempunyai ~ dgn beberapa orang atasan*; **2.** hubungan antara satu dgn lain: *kami hilang ~ sejak beberapa tahun yg lalu*; **3.** perihal atau keadaan bersentuh, sentuhan, hubungan;

mengontakkan mengenakan (menyambungkan, menyentuhkan) pd, menghubungkan (mengaitkan) dgn.

kontal-kantil = **terkontal-kantil** **1.** tergantung sambil berayun-ayun (bkn buah jam dll), terbuai-buai; **2.** merayau-rayau (pergi ke sana sini) seorang diri.

kontaminasi pencemaran: *keracunan dan ~ drpd racun perusak boleh dielakkan.*

kontan IB **1.** tidak bertanggung (bkn bayaran), tunai: *tuan-tuan toko telah percaya utk memberikan barang-barang kepadanya utk dijual walaupun dgn bayaran yg tidak ~; membayar ~ membayar tunai; 2.* bp dgn serta-merta, segera (menjawab dll); *~ keras pd saat itu juga (dijawab, dibalas, dsb);*

mengontan **1.** membayar tunai; **2.** bp menjawab (membalas dll) dgn segera (tidak bertanggung-tanggung atau berfikir-fikir dahulu);

kontan-kontanan bp pd ketika itu juga.

kontang **1.** tidak berair, kering: *parit ~; kering~ kering sama sekali; 2.* (Kim) tidak mengandung air atau air habluran: *kalsium klorida ~;*

mengontang menjadi kontang;

mengontangkan menyebabkan atau menjadikan kontang: *cuaca panas yg berterusan telah ~ perigi dekat rumah kami;*

kontangan tanah yg kontang: *bumi Poseng yg kaya dgn rekahan dan ~ itu;*

kekontangan **1.** keadaan kontang, kekeringan; **2.** ki kehabisan idea (ilmu dll): *~ pengetahuan berlaku kerana tunjangan ilmu yg lemah;*

pengontangan pengeringan air (drpd bahan kimia dll).

kontang-kanting terbuai-buai, terayun-ayun (spt barang yg tergantung pd tali yg panjang);

terkontang-kanting terbiar seorang diri tanpa haluan, bimbingan dsb: *memang sudah nasib aku, apabila tua ~; rasa malunya tidak terkira apabila banyak mata memandangnya ~ seorang diri.*

konteks (kontéks) **1.** ayat (bahagian rencana dll) yg menentukan atau menunjukkan erti perkataan (ungkapan dll) yg terkandung di dalamnya: *erti perkataan ini tidak dapat dipastikan kerana tidak disertai ~nya; 2.* keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yg ada kaitannya atau dapat dihubungkan dgn sesuatu: *cadangan Y.B. Menteri ini amat wajar sekali dlm ~ perkembangan bahasa Melayu masa kini.*

kontekstual (kontékstual) berkaitan dgn atau menurut konteks: *penyelidikan sastera dr segi ~ dapat merencanakan perkembangan sastera.*

konteler (kontelér) IB, **kontelir** pegawai daerah (zaman pemerintahan penjajah), **kontrolir**.

kontemplasi (kontémplasi) proses memikirkan sesuatu perkara secara mendalam: *ilmu tidak dimulihkan lagi jika dibandingkan dgn ~ serta tafakur secara rohaniah.*

kontemporari (kontémporari) pd masa yg sama, semasa atau sesama (dgn seseorang atau sesuatu), (pd) masa kini: *sandiwara yg mengambil perbahanannya drpd lembaran-lembaran sejarah yg penting dan beralih kpd penimbaan peristiwa-peristiwa semasa dan ~; aspirasi rakyat ~; penyair ~.*

kontena (konténa) bekas berupa peti besar drpd logam atau kayu yg digunakan utk memuatkan barang supaya mudah diangkut dgn kapal, lori dsb;

mengkontenakan menghantar kargo atau barang dgn memasukkannya ke dlm kontena;

pengkontenaan perihal (proses atau perbuatan) mengkontenakan.

konteng (konténg); **terkonteng-konteng** seorang diri (tidak berkawan), terkoteng-koteng.

kontes (kontés) pertandingan, peraduan (kecantikan, pakaian, dll).

kontet (kontét) Jk kerdil, kecil lagi pendek (bkn orang), terencat (tidak besar-besar).

kontingensi peristiwa atau perkara yg berlaku di luar jangkauan: *tindakan organisasi terhadap situasi atau ~ yg berbeza; pelan ~ rancangan yg dirangka utk menangani hal atau peristiwa yg diduga akan berlaku pd masa hadapan.*

kontinjen 1. sekumpulan orang yg mewakili sesebuah pertubuhan, negara, dsb dlm sesuatu pertemuan dsb; **2.** sepasukan tentera, kenderaan tentera, dsb.

kontinuiti perihal atau sifat berterusan (tidak putus-putus atau terganggu, kesinambungan).

kontinum sesuatu yg dianggap sbg satu keseluruhan, struktur atau siri yg berterusan yg tidak harus dipisahkan: *ketiga-tiga kategori pendidikan yg dinyatakan termasuk dlm ~ pendidikan seumur hidup.*

kontol Jk pundi-pundi (kantung) buah pelir.

kontong kudung (jari dll).

kontot pendek, kompot: *parang ~;*

mengontotkan menjadikan atau menyebabkan kontot.

kontra menentang, melawan, tidak menyokong (menyetujui): *kecamannya yg keras menunjukkan sikapnya yg ~ terhadap perjuangan kita; ~ nasional menentang negara; ~ revolusi menentang revolusi.*

kontraban (Udg) barang yg dilarang oleh undang-undang negara drpd dieksport atau diimport, mis dadah dan senjata api seludup, barang tegahan.

kontradiksi **1.** perihal berlawanan atau bertentangan, pertentangan (antara dua perkara, keadaan, dll), ketidaksesuaian: *terdapat banyak ~ pd sikap kedua-dua suami isteri itu yg mengganggu ketenteraman hidup mereka*; **2.** = ~ dgn bertentangan (dgn).

kontrak **1.** perjanjian formal dgn syarat-syarat tertentu antara dua pihak atau lebih: *menandatangani ~ perdagangan antara Syarikat; buruh ~ buruh yg terikat oleh perjanjian bekerja dgn majikan; mendapat ~ mendapat hak dgn berdasarkan perjanjian utk mengurus (menjual dll), mendapat hak (mengurus dll sesuatu) dgn ikatan perjanjian; mengikat ~ mengikat perjanjian berdasarkan kontrak*; **2.** dokumen yg mengandungi syarat-syarat perjanjian ini: ~ *hadapan*; ~ *niagaan ke depan*; **3.** cabang undang-undang yg berkaitan dgn kontrak; ~ *hadapan* (Eko) perjanjian urus niaga antara pembeli dgn penjual yg bersetuju berjual beli komoditi atau mata wang pd masa akan datang; ~ *niagaan ke depan* (Eko) kontrak pembelian atau penjualan komoditi, mata wang, indeks, dan instrumen kewangan yg dibuat utk dipenuhi pd tarikh tertentu masa akan datang; ~ *sosial* a) persetujuan yg telah dicapai antara pihak-pihak yg berkepentingan utk membentuk sebuah masyarakat yg padu dan sejahtera dgn setiap pihak bersedia bertolak ansur serta mengetepikan kepentingan peribadi tertentu; b) (Udg) persetujuan rakyat utk menyerahkan kebebasan individu sbg balasan kpd perlindungan yg diberikan oleh pemerintah dan pemerintah mesti memerintah selaras dgn hasrat rakyat;

berkontrak berkaitan dgn, terkandung dlm atau berdasarkan kontrak: *tuntutan ~*.

kontraksi 1. pengecutan (peregangan) otot: *~ mempercepat pengembalian bentuk rahim*; **2.** (Lin) proses atau hasil memendekkan bentuk linguistik, mis *tak drpd tidak* atau *tiada drpd tidak ada*;

berkontraksi melakukan (proses) kontraksi: *otot-otot perut akan ~ apabila anda dlm keadaan cemas atau berhati-hati*.

kontraktor orang atau syarikat yg mengikat kontrak utk menjalankan sesuatu perkhidmatan, membekalkan bahan atau buruh, dsb terutamanya utk kerja pembinaan: *hanya ~ yg berdaftar sahaja yg dibenarkan membuat tawaran utk mendirikan bangunan kerajaan*.

kontraktual (Udg) berdasarkan, berkaitan dgn atau terkandung dlm kontrak, berkontrak: *liabiti ~*.

kontralto (Muz) suara terendah wanita dlm sesebuah nyanyian koir dsb.

kontras 1. perbezaan (warna, bunyi, dll) yg sangat nyata, pertentangan (sifat dll): *ada dramatis yg memulakan dramanya langsung mempertentangkan watak-wataknya sehingga ~nya terasa begitu dalam jurangnya*; **2.** memperlihatkan perbezaan yg sangat nyata, memperlihatkan pertentangan;

berkontras menunjukkan kontras;

mengkontraskan memperlihatkan kontras.

kontrasepsi (kontrasépsi) cara (kaedah atau langkah) mencegah kehamilan.

kontraseptif (kontraséptif) **1.** berkaitan dgn kontrasepsi; **2.** alat (atau pil) utk mencegah kehamilan.

kontrastif bkn sesuatu yg dilakukan utk menunjukkan kontras (perbezaan): *penyelidikan ~ antara bahasa Melayu dgn bahasa-bahasa lain.*

kontribusi IB yuran (kpd perkumpulan dll).

kontrol bp **1.** pengawasan, penjagaan serta pengendalian (supaya teratur perjalanan sesuatu kegiatan, kerja, dll), kawalan; **2.** pergi ke meratarata tempat, mengeluyur;

mengontrol mengawasi, menjaga serta mengendalikan (kerja dll), mengawal: *kebebasannya tersekat, gerak-gerinya dikontrol.*

kontrolir IB **1.** pegawai daerah (pd zaman pemerintahan penjajah), konteler; **2.** orang yg tugasnya mengawasi (menjaga serta mengendalikan) sesuatu (spt pasar dll).

kontroversi perselisihan atau pertelingkahan pendapat dsb yg biasanya berlarutan dan agak meluas di antara golongan (pihak dll) yg berlainan pendirian (pendapat, fahaman, dsb);

mengkontroversikan menyebabkan menjadi kontroversi: *jangan cuba ~ isu-isu kecil itu.*

kontroversial membawa kpd kontroversi, menimbulkan kontroversi, (boleh) dipertikaikan.

kontur = *garisan* ~ garisan yg dilukis pd peta utk menggabungkan (menunjukkan) tempat-tempat yg sama tinggi kedudukannya dr permukaan atau paras laut.

kontusi (Ubat) kecederaan pd sebelah dalam mana-mana bahagian tubuh yg tidak melukai atau memecahkan kulit, luka memar, lebam.

konvensi (konvénsi) sesuatu (spt amalan, tingkah laku, ciri-ciri, dll) yg sudah diiktiraf dgn meluasnya dan dipatuhi (diikut), kebiasaan umum, apa sahaja yg sudah diterima dan diamalkan secara meluas

dan berterusan: *utk hidup dgn harmoni, manusia harus mengetahui norma dan ~~~ masyarakatnya; kalau tidak, baik ditulis pantun, syair atau gurindam yg memang sudah ada ~nya.*

konvensional (konvénasional) **1.** berdasarkan konvensi, mengikut atau sebagaimana yg ditentukan oleh konvensi, sebagaimana kebiasaannya: *cerpen yg bersifat ~*; **2.** tidak melibatkan penggunaan tenaga nuklear, kimia, biologi dsb (bkn peperangan, senjata dsb): *senjata ~; peperangan ~.*

konvensyen (konvénysyen) **1.** persidangan ahli-ahli pertubuhan politik (perniagaan dll) utk membincangkan sesuatu perkara: *beberapa perkara mengenai rangka perlembagaan itu akan dibincangkan dlm ~ yg akan diadakan*; **2.** perjanjian antarabangsa (antara negara, pemerintah, dsb);

berkonvensyen menyertai atau menghadiri konvensyen: *berita gembira itu diterima ketika saya sedang ~ di Kuala Lumpur*;

mengkonvensyenkan membincangkan atau membahaskan sesuatu perkara, isu dsb dlm konvensyen: *soal kelemahan prestasi akademik pelajar Melayu itu perlu dipandang serius dan dikonvensyenkan segera.*

konvoi **1.** sekumpulan kapal perang yg mengiringi kapal-kapal lain utk melindunginya drpd serangan: *senjata-senjata ~ menembak ke langit menentang serangan kapal-kapal terbang musuh*; **2.** kumpulan kapal perdagangan dll yg dilindungi kapal lain: *beberapa buah kapal drpd ~ tersebut telah ditenggelamkan*; **3.** sekumpulan kenderaan darat yg berjalan bersama-sama;

berkonvoi berjalan bersama-sama, beriring-iringan atau bersaing dgn menaiki sekumpulan kereta, motosikal dsb: *hari kedua*

perjalanan rombongan secara ~ memulakan perjalanan selepas bersarapan pagi; lima buah bas ~ membawa para penyokong pasukan bola sepak negeri itu ke stadium pd petang ini.

konvokesyen (konvokésyen) perhimpunan di universiti utk upacara penyampaian ijazah.

konvulsi (Ubat) keadaan anggota badan yg menggigil-gigil dan terkejut-kejut secara tiba-tiba disebabkan oleh pengecutan otot.

konyan C, bp perayaan menyambut tahun baru.

konyol Jk kurang sempurna (siuman) otaknya, bodoh, tidak sopan; *mati ~ mati dgn sia-sia sahaja.*

konyong; sekonyong-konyong dgn tidak disangka-sangka, dgn tidak semena-mena, tiba-tiba: *~ kedengaran suatu jeritan yg kuat.*

Ko-op singkatan bagi koperasi.

koordinasi saling hubungan (yg dapat melicinkan perjalanan sesuatu), jalinan pertalian (tindakan, gerakan, dsb) antara bahagian-bahagian dll yg terlibat (dlm kegiatan dll), penyelarasan: *ia banyak memerlukan ~ antara berbagai-bagai pihak spt penganjur, penyanyi dan orang ramai;*

mengkoordinasi menyelaraskan sesuatu (aktiviti, tindakan, fungsi, dsb): *Kementerian Perusahaan Awam ditubuhkan utk ~ fungsi beberapa agensi yg beroperasi di bawahnya;*

terkoordinasi telah (atau dapat) dikoordinasi: *keadaan apabila pelbagai sistem fisiologi pd si mati tidak lagi dapat berfungsi sbg satu unit yg ~ dan bermakna.*

koordinat satu drpd dua magnitud atau lebih yg digunakan utk menentukan kedudukan sesuatu titik (garisan, kelok atau satah); *pusat ~ pusat punca koordinat.*

koordinator orang yg membuat koordinasi, penyelaras.

kop I IB; **dikop** ark dikeluarkan darahnya dgn ditelungkupkan bekas yg telah dipanaskan, dibekam.

kop II IB; **dikop** bp ditanduk atau disondol (bola).

kop III edaran (pusingan) dua belas tahun (bkn kalendar orang Cina, Jepun, Siam, Kemboja).

kop IV **1.** kubah; *bulat* ~ bentuk melengkung atau setengah bulatan; *kepala* ~ kepala (skru dll) yg melengkung (spt bentuk kop); **2.** sj tempat duduk di atas belakang gajah;

berkop berkubah.

kopah; berkopah-kopah berhamburan (darah), keluar banyak-banyak (darah dr mulut dll): *keluarlah darah ~ dr mulutnya, maka segala badannya pun biru lebam.*

kopak I **1.** pecah dan tanggal kerana sudah reput, diumpil dsb (bkn papan, dinding dsb): *beberapa keping lantai dan dinding papan rumah itu telah ~;* **2.** patah dan jatuh atau terkulai (bkn dahan pokok dsb), sekah: *banyak dahan pokok yg ~ akibat tiupan angin ribut yg kencang;* **3.** bp kehabisan wang kerana sangat banyak berbelanja dsb: *~lah aku nanti sekiranya majlis itu hendak diadakan secara besar-besaran; ~-kapik* sangat buruk (kerana banyak bahagiannya yg rosak, pecah, kemik, dll): *rumah di sawah itu banyak yg ~-kapik;*

mengopak **1.** mengupas, mengobak, menguliti: *~ kelapa;* **2.** memecahkan, mengumpul hingga tercabut, merosakkan: *~ dinding rumah;*

terkopak terkupas, terkelopak, tercabut, tertanggal.

kopak II ark sj alat bunyi-bunyian; **kopok I.**

kopal sj damar yg keras, yg diperoleh drpd lelehan pokok tropika (mis *Agathis spp.*) dan digunakan utk membuat varnis, dakwat percetakan, dll.

kopek (kopék) **I**; **mengopek** **1.** mengupas (kulitnya), mengobak, menguliti, membelah buah (utk mendapat isinya): ~ *kelapa*; ~ *durian*; **2.** mengupas (mengubik) sedikit: ~ *dgn hujung pisau*;

terkopek terkupas, tertanggal (bkn kulit, cat, dll);

pengopek **1.** alat (mesin) utk mengopek; **2.** orang yg mengopek: *kadang-kadang dia mengambil upah sbg ~ kelapa.*

kopek (kopék) **II** **1.** susu, buah dada; **2.** bergantung tidak tegang (spt susu perempuan tua);

mengopek menghisap susu ibu, menyusui.

kopek (kopék) **III** **1.** dompet, pundi-pundi wang; **2.** peti.

kopek (kopék) **IV** ark sj wang tembaga Rusia.

kopeng (kopéng); ~ *air* sj tumbuhan (pokok renek), cempaka tanjung, delima hutan, jambu batu hutan, mentiung, *Gardenia tubifera*.

kopepod (kopépod) (Bio) sj krustasea halus akuatik drpd subkelas Copepoda yg merupakan komponen utama plankton.

koper IB sj beg kulit (utk menyimpan pakaian dll): *kemudian semua ~ dan bungkusan barang-barang dibuka*; **kopor**.

koperak = **koperakan** Jk buluh yg dibelah supaya mengadakan bunyi utk menakutkan tupai dll.

koperal **1.** pangkat dlm pasukan tentera yg tarafnya setingkat lebih tinggi drpd lans koperal (dua tingkat lebih tinggi drpd prebet); **2.** pangkat yg setingkat lebih tinggi tarafnya drpd lans koperal polis.

koperasi **1.** syarikat yg dianggotai dan diuruskan oleh sekumpulan orang utk menjalankan kegiatan ekonomi (perniagaan dsb), dgn faedah dan

keuntungannya dikongsi bersama: ~ *pertanian*; **2.** bp perihal bantu-membantu, kerjasama;

berkoperasi berusaha dgn cara bekerjasama (bantu-membantu).

koperatif syarikat kerjasama.

koperator IB orang yg membantu (bekerjasama dgn) kerajaan dll.

kopet (kopét) sempit, kecil (lubang), tidak lebar (jalan dll).

kopi I 1. sj tumbuhan (pokok dan bijinya yg digoreng dan dijadikan serbuk utk dibuat minuman), kahwa, *Coffea spp.*; ~ *bubuk* Id = *serbuk* ~ kopi yg berupa serbuk (sudah dihaluskan); **2.** = *air* ~ minuman drpd bancuhan kopi halus, gula dan air;

~ *bujang* hidangan air kopi sahaja (tidak disertai kuih-kuih); ~ *espresso* kopi pekat ala Itali yg disediakan dgn cara melalukan air mendidih atau wap pd biji kopi yg telah dikisar dan dihidangkan tanpa gula dan susu; ~ *keras* (pahit) air kopi yg pekat dan tidak bergula; ~ *kosong* = ~ *O* air kopi yg tidak bersusu; ~ *O beng* air kopi tidak bersusu yg dibubuhi ketul air batu; ~ *segera* kopi yg telah diproses dan tersedia utk dijadikan minuman dgn cepat; ~ *susu* air kopi bersusu; ~ *tubruk* Id bancuhan serbuk kopi dgn air panas sahaja; *duit (wang)* ~ upah (kerana pertolongan yg diberi); *dapat* ~ *pahit (keras, tubruk)* menerima teguran keras (drpd orang atasannya);

mengopi bp minum kopi.

kopi II; ~ *andelan* sj tumbuhan (pokok), kacang kota, ketepeng hutan, *Cassia occidentalis*; ~ *arab* sj tumbuhan (herba, buahnya dijadikan sayur dan bijinya sbg pengganti kopi), kacang (sayur) bendi, kacang lendir, *Hibiscus esculentus*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek),

dada kura, kahwa hutan, lidah rusa, mempuh, mengkudu badak, pakan paya, *Fagraea racemosa*.

kopi III 1. bp salinan atau tiruan drpd yg asli atau yg pertama (bkn surat, gambar, dll): *tuan dikehendaki mengirimkan ~ surat permohonan dahulu*; **2.** naskhah buku yg akan diterbitkan.

kopiah tutup kepala (spt songkok dll) yg dipakai oleh orang lelaki;

berkopiah memakai kopiah: *Haji Amin yg ~ putih*.

kopitiam C kedai kopi.

koplet (koplét) IB sebait (sebuah) sajak.

kopok I sl alat bunyi-bunyian (dibuat drpd kayu atau logam dan dipukul);

kopak II.

kopok II = **kopokan** Jk sj penyakit telinga (yg menyebabkan telinga bernanah dan berbau busuk), penyakit torek.

kopok III sj tumbuhan (akar memanjat), akar cambai hantu, akar jambu serai, akar kemunting (keremunting), lidah kucing, *Anplectrum divaricatum*.

kopor sj beg drpd kulit dll utk menyimpan pakaian dll: *di pejabat kastam, ~nya diperiksa dgn teliti*; **koper**.

kopra kelapa kering (utk dibuat minyak kelapa dll).

koprofit (Bio) tumbuhan yg hidup di atas najis, mis kulat yg tumbuh di atas tahi lembu.

kopula (Lin) kata kerja yg menghubungkan subjek dgn pelengkap, mis *to be* dlm bahasa Inggeris.

kopulasi (Ubat) persetubuhan.

kopyor Jw; *kelapa* ~ kelapa dimakan bulan (isinya lunak), kelapa puan; *es* ~ minuman air batu kelapa puan.

kor I 1. bahagian drpd angkatan tentera yg mempunyai tugas tertentu: *K~ Agama Angkatan Tentera Darat*; **2.** pasukan tentera yg terdiri drpd lebih kurang 30,000 hingga 45,000 orang anggota, biasanya terbahagi kpd tiga divisyen: *setelah menamatkan latihan, rekrut akan dihantar ke ~ dlm tentera darat utk meneruskan perkhidmatan*; **3.** sekumpulan kecil orang yg terlatih khusus utk tujuan tertentu; *~ diplomatik* kumpulan seluruh diplomat yg mewakili sesebuah negara yg berkhidmat di negara tertentu.

kor II Kl atau: *hendak pergi ~ tidak*.

kor III Kl; *tanah ~ tanah yg keras dan berketul-ketul*.

korah Ar ark bola.

korakoid (Bio) tulang sendi bahu binatang yg bertulang belakang.

koral ark karang; **kolar II**.

koran I Id surat khabar, akhbar: *penjaja (penjual) ~*.

koran II; *burung ~ sj burung, perling, *Aplonis panayensis strigatus**.

korapsi rasuah, kecurangan; □□□ **korupsi**.

korapsyen bp rasuah.

korat; *~ nasi* sj tumbuhan (pokok), *Desmodium capitatum*; *(pokok) ~ tanah* sj tumbuhan (pokok renek), ekor anjing, *Uraria lagopoides*.

korban Ar **1.** amalan menghampirkan diri kpd Allah dgn menyembelih binatang ternakan (lembu, kambing, kerbau, dll) pd 10 Zulhijjah atau tiga hari selepasnya (hari tasyrik) dgn mengagihkan sebahagian drpd daging itu kpd fakir miskin: *majlis ~*; **2.** persembahan spt haiwan atau manusia kpd dewa dlm pemujaan; **3.** pemberian (kesanggupan melakukan atau menanggung sesuatu) sbg tanda kebaktian (kasih dll): *kerana kasih, ia sanggup menderita, kerana erti kasih itu kepadanya ialah ~*; **4.** (orang) yg menanggung

penderitaan akibat sesuatu (perbuatan dll), mangsa: *kau mahu kesenangan, mereka dijadikan ~*; **5.** = ~ jiwa = ~ manusia kematian kerana nahas (disebabkan sesuatu malapetaka dll): *nahas itu mengakibatkan banyak ~ jiwa*;

berkorban 1. (sedang) menawarkan sesuatu sbg korban (kpd yg disembah): *penganut agama tersebut ~ kpd dewa-dewa dan melontar korban-korban ke laut*; **2.** menanggung penderitaan utk keselamatan (kebahagiaan, kepentingan) orang dll, menyerahkan sesuatu utk tanda bakti (cinta dll): *banyak ia ~ utk menawan hati gadis belasan tahun itu; kerana negara, mereka sanggup ~ apa saja*; **3.** dgn (disertai, berserta) korban: *nahas jalan raya sering ~ jiwa*;

mengorbankan 1. mempersembahkan sbg korban: *ada orang Cina yg ~ makanan kpd topekong*; **2.** menyerahkan sesuatu (spt wang dll) utk sesuatu tujuan (kepentingan dll): *~ nyawa utk mempertahankan negara*; **3.** menyebabkan menderita, memusnahkan (merosakkan): *mereka sanggup ~ bangsa utk mencapai kemahuan mereka*;

terkorban terbunuh, termusnah (kepentingan dll): *sepuluh orang askar telah ~ dlm serangan hendap itu*;

pengorbanan perihal mengorbankan (berkorban): *tugu itulah tanda penghargaan negara terhadap ~ askar-askar yg terbunuh kerana menentang pegganas-pegganas*.

kord (Kej) wayar bertebat yg menyambungkan peralatan elektrik dgn punca bekalan elektrik.

korden (kordén) IB sj kain langsir (tirai) pd jendela dll.

kordial minuman yg berasaskan buah-buahan, biasanya pekat dan dibancuh dgn air sebelum diminum.

kordofon alat muzik yg mengeluarkan bunyi dgn menggunakan tali yg bergetar.

korduroi (Tks) sj kain kapas tebal, kukuh dan bergaris-garis timbul, yg dijadikan bahan membuat pakaian: *seluar* ~.

korek (korék) **I**; ~ *api* gores api, mancis api; ~ *gigi* kayu dll yg halus utk mencungkil gigi; ~ *kuping (telinga)* pencungkil tahi telinga;

mengorek 1. membuat lubang (pd sesuatu benda atau di dlm tanah), mencungkil, menebuk, mengeruk, menggali: ~ *lubang utk menanam*

sampah dll; **2.** ki menggores; ~ *hati* menggores hati; **3.** ki menyiasat atau mencari-cari (utk mengetahui sesuatu yg rahsia atau tersembunyi), mengata-ngata (keburukan orang dll), mengkritik:

polis telah dapat ~ rahsia mengenai kegiatan golongan penderhaka itu; **4.** ki memperoleh (wang, keuntungan, dll), mendapat (untung); ~

dompet kawan prb memperdaya supaya kawan membayar perbelanjaan;

korekan hasil mengorek: ~ *yg terdalam atau terlebar*;

pengorekan perihal atau perbuatan mengorek, penggalian;

pengorek 1. alat utk mengorek (mencungkil), penggerek; **2.** orang yg mengorek (membongkar sesuatu).

korek (korék) **II**; ~ *telinga bayar* sj ikan laut, *Hippocampus kuda*.

korek (korék) **III** □ **kurik**.

koreksi (koréksi) perihal meneliti dan membetulkan kesilapan (kesalahan) pd karangan dll;

mengkoreksi meneliti dan membetulkan kesalahan (pd karangan dll);

koreksian sesuatu yg dikoreksi (dibetulkan), hasil mengkoreksi (membaiki karangan dll).

korektif (koréktif) (bersifat) memperbaiki (keburukan, kesalahan, dll).

korektor (koréktor) orang yg tugasnya membetulkan kesalahan (pd karangan, buku, dll).

korelasi (korélasí) hubungan atau kaitan secara timbal balik, hubung kait: *terdapat ~ antara pengetahuan sains dgn kepercayaan agama;*

berkorelasi mempunyai hubungan atau kaitan antara satu sama lain, berhubung kait: *kedua-dua isu itu tidak ~ sama sekali;*

mengkorelasikan menghubungkan atau mengaitkan perkara, isu dsb antara satu sama lain, menghubungkankaitkan: *ahli kaji serangga dapat ~ penyebaran dgn ekologi.*

korenah (korénah) Mn kelakuan, perangai; □□□ **kerenah.**

koreng (koréng) **1.** coreng, conteng, belang, tanda garis (dgn arang dll); *anjing ~ anjing belang; ~-moreng bertanda dgn berbagai-bagai coreng;* **2.** kudis;

berkoreng, korengan Jk mendapat penyakit koreng (kudis), berkudis.

koreografer (koréografer) orang yg ahli mencipta gerak-geri tarian.

koreografi (koréografi) **1.** penciptaan (seni mencipta) gerak-geri tarian (biasanya tarian balet atau tarian utk persembahan di pentas); **2.** seni tari (biasanya tarian balet atau tarian utk persembahan di pentas).

kores (korés) □□□ **gores.**

koresponden (korésponden) pemberita atau wartawan (surat khabar dsb) yg membuat laporan tentang sesuatu perkara tertentu atau yg mengirim laporan dr negeri asing: *~ surat khabar.*

korespondensi (koréspondensi) surat-menyurat.

koret (korét) sisa, baki, yg tinggal di belakang; *nombor ~ bp nombor yg menghabiskan.*

kori lubang yg bundar dan dalam serta curam pd lereng gunung yg dibentuk oleh hakisan air batu dan salji.

koridor laluan yg menghubungkan satu bahagian dgn bahagian lain dlm sesebuah bangunan.

kornea (kornéa) (Bio) selaput hening di hadapan biji mata yg menutup mata hitam dan anak mata.

kornel (kornél) **I** Id, bp kolonel.

kornel (kornél) **II** Id, bp tendangan bola dr penjuru padang ke pintu gol, tendangan sudut (dlm permainan bola sepak).

kornet (kornét) **I** Id, bp kelindan, kenek, kernet.

kornet (kornét) **II** Id, bp daging lembu dlm tin.

kornet (kornét) **III** sj alat bunyi-bunyian spt trompet.

kornis corak atau bentuk hiasan di bahagian atas di sekeliling dinding ruang bilik dsb yg bertemu dgn siling, biasanya drpd plaster paris, birai hias.

koro Kd kelihatan spt dungu, bodoh, lembap: ~ *betul budak ini*.

koroh Mn kerongkong.

koroid (Bio) selaput vaskular keperang-perangan pd biji mata di antara sklera dan retina.

korok lubang yg memanjang, lombong, tembusan (dlm tanah);

mengorok membuat korok (tembusan dll).

korok-korok kerongkong, kekorok.

korola (Bio) seluruh kelopak yg terdapat pd sekuntum bunga.

korona (Ast) lingkaran cahaya yg kelihatan jelas di sekeliling bulan atau matahari, terutamanya sewaktu berlakunya gerhana; ~ *matahari* lingkaran cahaya di keliling matahari.

koronari lazimnya merujuk pd arteri yg membekalkan darah ke otot jantung.

koronavirus sekumpulan virus yg menyebabkan pelbagai penyakit kpd manusia dan binatang, antaranya jangkitan saluran pernafasan pd manusia dan hepatitis pd tikus.

koroner (koronér) pegawai awam yg menyasat kes kematian mengejut (secara luar biasa) yg puncanya disyaki ada kaitan dgn kes jenayah.

korong Mn; ~ *kampung* kawasan (daerah) kampung;

berkorong; ~ *kampung* mempunyai lingkungan kampung; *adat ~ kampung* adat istiadat dlm kawasan (lingkungan) kampung; *pandai ~ kampung* pandai menurut adat dlm lingkungan kampungnya.

korporat berkaitan dgn syarikat atau perbadanan: *yg meminta-minta potongan cukai ~ ialah firma-firma besar; hanya menerusi badan ~ spt LUTH, ASN, yg membolehkan perkembangan ekonomi umat Islam teguh; imej ~; matlamat ~;*

mengkorporatkan menukarkan sesebuah organisasi kerajaan menjadi perbadanan atau syarikat: *proses ~ perniagaan bumiputera di bawah Dasar Pembangunan Nasional;*

pengkorporatan perihal (proses, tindakan dsb) mengkorporatkan sesebuah organisasi, institusi dsb: *~ beberapa agensi kerajaan.*

korpus (Lin) himpunan makalah (tulisan dsb) mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan utk kajian (spt kumpulan contoh penggunaan kata dll).

korpuskel (Bio) sel yg terampai dlm plasma darah.

korsaj sejambak bunga kecil sbg hiasan yg disematkan di bahu, pinggang atau tangan.

korsel (korsél) IB, bp kuda-kudaan yg tergantung dan berputar (utk dinaiki kanak-kanak).

korset (korsét) pakaian dalam utk membentuk pinggang dan punggung yg dipakai oleh wanita, sj bengkung, setagen.

korsi bp kerusi.

korteks (kortéks) **1.** (Ubat) lapisan luar otak atau organ lain: ~ *serebrum*;

2. (Bio) lapisan luar sesuatu bahagian tumbuhan, mis kulit batang.

kortison (Ubat) hormon yg digunakan utk merawat alahan, sakit sendi, sesetengah penyakit kulit dsb.

korundum sj mineral yg sangat keras, biasanya digunakan sbg pelelas atau penggilap, dan sesetengahnya pula, mis nilam dan delima dijadikan batu permata.

korup IB keji (sifatnya, kelakuannya), buruk (kelakuan), suka menerima rasuah, makan suap: *pegawai-pegawai ~ yg menyalahgunakan kuasa mereka hanya akan merosakkan pentadbiran negeri*;

dikorup bp diambil secara haram, digelapkan (wang dll).

korupsi amalan atau perbuatan yg salah atau tidak amanah (spt pecah amanah, menerima rasuah, dll): *hukuman yg keras dikenakan sbg langkah menghapuskan ~*.

koruptor IB orang yg korup.

korus **1.** sekumpulan orang yg menyanyi bersama-sama (dlm sesuatu persembahan); **2.** bahagian lagu atau nyanyian yg penyanyi utamanya disertai atau disambut oleh nyanyian sekumpulan penyanyi; **3.** nyanyian bersama-sama atau beramai-ramai oleh sekumpulan penyanyi.

korvet (korvét) sj kapal perang yg kecil dan laju: *angkatan laut itu terdiri drpd berbagai-bagai jenis kapal perang termasuk beberapa buah ~*.

kos I harga yg perlu dibayar utk memperoleh, mengeluarkan, menyenggara, dsb sesuatu, biasanya berupa wang, masa dan tenaga, perbelanjaan; ~ *faktor* (Eko) kos yg digunakan utk membuat sesuatu komoditi, iaitu upah dan faedah sampingan yg dibayar kpd buruh, sewa hartanah, untung yg dibayar kpd usahawan dan kos bahan; ~ *malar* (Eko) kos tetap (tidak berubah-ubah besarnya atau jumlahnya); ~ *melepas* (Eko) nilai faedah atau keuntungan yg sepatutnya boleh diperoleh drpd penggunaan alternatif sumber yg sama; ~ *purata* kos hitung panjang; ~ *sara hidup* (Eko) nilai wang yg diperlukan utk membeli barang keperluan asas spt makanan, pakaian, tempat tinggal dsb utk menikmati taraf hidup tertentu; ~ *satuan* kos bagi tiap-tiap satu unit (barang dll); ~ *tak tetap* (Eko) kos yg berubah-ubah menurut banyaknya pengeluaran; ~ *tetap* (Eko) kos yg mesti ditanggung dgn tidak berdasarkan banyaknya pengeluaran;

berkos melibatkan atau memerlukan kos: *pembiayaan jangka pendek dan ~ rendah*;

pengekosan anggaran semua kos yg terlibat dlm sesuatu urusan, mis perniagaan, projek: *Jabatan Penerbitan akan mengkaji semula ~ pisah warna dan atur huruf*.

kos II singkatan bagi kosinus.

kosa I gagah, kuat: *maka Betara Majapahit pun menyuruh memanggil seorang perajurit yg terlalu ~ drpd yg lain*; □ □ □ **perkosa**.

kosa II; *burung* ~ 1. sj burung, burung dendang air, *Phalacrocorax carbo*;
2. sj burung, *Anhinga anhinga*.

kosa III; ~ *kata* keseluruhan kata dlm sesuatu bahasa, perbendaharaan kata.

kosak; *~-kasik* a) bunyi benda dll yg bergeseran (bergerak-gerak, berengsot-engsot, dll); b) kerap bergerak-gerak (bergeser-geser dll).

kosambi □ □ □ **kesambi**.

kosar sj tumbuhan (pokok), mendeleka, perian, tampang, tampuret, tempunai, *Artocarpus rigida*.

kosek (kosék) **I**; **mengosek** **1.** membersihkan beras dll dgn meramas-ramas dan membalik-balikkannya dlm air; **2.** menajamkan pisau dll dgn memutar-mutarnya pd batu asahan; **3.** mencuci (menggosok) lantai dgn berus.

kosek (kosék) **II** Kl, Tr usik, ganggu, kacau.

kosekan (kosékan) (Mat) sekan dr penepat sesuatu sudut.

kosel (kosél); **terkosel-kosel** teragak-agak atau tertahan-tahan (ketika melakukan atau mengatakan sesuatu), tidak lancar (perkataannya atau pekerjaannya), merungut-rungut.

kosen (kosén) **I** Jk gagah, berani, perkasa;

kekosenan kegagahan, keberanian.

kosen (kosén) **II** IB, bp rangka pintu atau tingkap.

kosen (kosén) **III** □ □ **kusyen**.

kosinus (Mat) fungsi trigonometri bagi sudut tirus pd segi tiga bersudut tegak, iaitu nisbah antara sisi yg bersebelahan dgn sudut dan hipotenus.

kosmetik (kosmétik) **1.** alat solek (utk mencantikkan rupa orang perempuan); **2.** luaran sahaja (tidak melibatkan fungsi): *model baru kereta nasional, Proton Saga, mempunyai perubahan ~ yg besar, terutama dr segi reka bentuk*.

kosmetologi (kosmétologi) ilmu persolekan.

kosmik 1. yg berkaitan dgn alam semesta; **2.** terdapat di atau berasal dr angkasa lepas; *cahaya (sinar) ~ cahaya yg sampai ke dunia dr angkasa lepas.*

kosmogoni kajian astrofizik (kombinasi ilmu kimia dan fizik bintang) tentang evolusi alam semesta.

kosmografi 1. pemerian am tentang dunia atau alam semesta; **2.** ilmu sains yg berkaitan dgn pembentukan atau susunan seluruh alam semesta.

kosmokimia cabang kimia yg mengkaji kandungan bahan kimia di alam semesta.

kosmologi salah satu bidang falsafah yg mengkaji asal-usul, proses, dan struktur alam semesta.

kosmonaut angkasawan Rusia.

kosmopolitan 1. terdiri drpd orang atau unsur-unsur dr seluruh dunia, bersifat sejagat (tidak terbatas kpd unsur-unsur setempat): *sekarang dia tercampak ke kota ~ yg bergelut dgn berbagai-bagai ragam; berdasarkan faktor-faktor inilah beliau telah membuat kesimpulan bahawa kebudayaan ~ akan lebih menonjol dan kebudayaan yg bercorak kesukuan akan berkurangan;* **2.** bebas drpd prasangka kebangsaan, bersifat sejagat: *dia merupakan seorang penulis ~ yg menggunakan tema universal;*

kekosmopolitanan segala hal yg berkaitan dgn sifat, fungsi, dll kosmopolitan.

kosmos alam semesta.

kosong 1. tidak berisi apa-apa: *cawan ~ ; tin ~;* **2.** tidak padat, berongga di dalamnya (bkn batu, kayu, dll): *buluh ~ dalamnya;* **3.** sifar (bkn nombor): *utk memanggil operator telefon, pusinglah nombor ~;* **4.** ki tidak ada yg mendiaminya (mengisinya, memenuhinya, dll), tidak

bertulis apa-apa (bkn kertas dll), tidak mengandungi perkara penting (bkn percakapan, tulisan, dll); *jawatan (kerja)* ~ jawatan (kerja) yg tidak dipenuhi (dijawat) lagi; *kertas* ~ kertas yg tidak bertulis (bercap dsb); *omong (cakap)* ~ percakapan yg bukan-bukan (tidak ada buah butir yg penting); **5.** ki tidak dapat merasa sesuatu perasaan (spt keseronokan, kebahagiaan, dsb);

~ *melompong* kosong sama sekali; *air* ~ air minuman sahaja (tidak disertai kuih-kuih); *teh* ~ teh tidak bergula dan tidak bersusu;

mengosongkan menjadikan kosong (tidak ada yg mendudukinya, memegangnya, mengisinya, dll): *Malaysia telah dilantik menjadi anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil tempat yg dikosongkan oleh Czechoslovakia; Puan Curie telah ditawarkan jawatan profesor yg telah dikosongkan oleh suaminya itu;*

kekosongan 1. perihal kosong, ketiadaan sesuatu apa atau sesuatu yg tertentu), keadaan tidak ada yg menjawatnya (mengisinya dsb): *pengambilan pekerja-pekerja baru utk memenuhi ~ beberapa jawatan;* ~ *iman* ketiadaan iman; **2.** kehampaan: *dia terasa ~ sekarang di dlm jiwanya kerana kehilangan orang yg sangat dikasihinya;*

pengosongan perihal atau perbuatan mengosongkan.

kostum 1. pakaian yg dipakai pd ketika tertentu (spt menghadiri upacara, jamuan, dll); **2.** pakaian yg dipakai oleh pelakon-pelakon sandiwara, filem, dll; **3.** pakaian perempuan potongan Barat.

kot I sj baju tebal potongan Barat berlengan panjang dan biasanya terbuka di depan yg dipakai di luar baju kemeja: *dibetul-betulkan tali lehernya dan disarungnya ~;*

berkot 1. mempunyai kot; **2.** memakai kot: *seorang lelaki ~ biru.*

kot II bp mahkamah pengadilan.

kot III bp katil bayi atau kanak-kanak yg berbentuk spt kotak.

kot-kot Kd mungkin, kalau-kalau: *~ dia tersesat jalan.*

kota 1. tempat pertahanan yg dilingkungi tembok batu, benteng: *sesudah orang Portugis menduduki bandar Melaka mereka mendirikan sebuah ~;* **2.** sl tembok yg melingkungi kubu pertahanan: *tinggi ~ Melaka kira-kira sepuluh depa;* **3.** bandar raya, bandar, pekan: *mereka meninggalkan kampung utk mencari kerja di ~;* *ibu ~ kota* yg menjadi pusat pentadbiran negeri (ibu negeri); *~ raya* bandar raya yg besar (spt London, New York, Paris, Kuala Lumpur dsb); **4.** Id kep kota besar, kota praja; **5.** kawasan tempat kediaman; *rumah ~ ark rumah kampung;*

~ duduk sl sj menara atau rumah yg tinggi utk melihat-lihat (memerhatikan) kawasan keliling;

~ Piliang dia bukan, Bodi Chaniago dia entah prb Mn orang yg tiada tentu asalnya atau keturunannya;

berkota 1. bertembok batu (bkn kubu pertahanan dll), berbenteng; **2.** mempunyai kota (bandar): *negeri yg ~ besar;* **3.** sl mendirikan kota, berbenteng: *maka Sultan Ahmad ~ di Bentayan;* **4.** ki dipegang teguh, ditepati, tidak dimungkiri atau dilanggar (janji, perkataan, dll): *katanya ~ pandangannya pandang bermakna;*

berkotakan sl menggunakan sbg kota, berbentengkan: *maka baginda memerintahkan segala rakyat ~ betis;*

mengotai membangunkan kota (benteng) pd, membina tembok (di keliling sesuatu), memagari: *maka dikotai oleh Bendahara berkeliling pulau itu;*

mengotakan 1. sl menggunakan sbg benteng, memperkukuh dgn; **2.** = **memperkotakan** memegang teguh (kpd kata), menepati (melaksanakan) janji dll: *yg dikata telah benar-benar diperkotakannya; segala janji mestilah dikotakan;*

kekotaan seakan-akan (terikut-ikut) gaya atau keadaan kota, berlagak (berkelakuan) spt orang di kota, yg memperlihatkan unsur-unsur atau pengaruh-pengaruh kehidupan di kota (di bandar): *mereka mengambil sikap ~ yg sama spt keadaan yg terdapat dlm zaman penjajahan;*

perkotaan urusan (pentadbiran) kota.

kota besar Id kawasan sesuatu kota dan pentadbirannya.

kotah; sekotah sl sekalian, semuanya, seluruh.

kotai = **terkotai 1.** terkelepai, terkulai, tergantung (spt dahan patah); **2.** kurus kering (tubuh), tua; *tua* ~ sangat tua; **3.** kering (spt buah yg dijemur); *nyiur* ~ buah nyiur yg dikeringkan utk dijadikan benih; *pinang* ~ buah pinang yg tua dan sudah dikeringkan.

kotak 1. sj bekas berbentuk segi empat tepat atau segi empat sama, mempunyai tudung, dan biasanya dibuat drpd kadbod, papan, atau logam; **2.** bahagian (dlm rumah, sawah, dll) yg bersekat-sekat atau berbentuk empat persegi, petak, ruang empat persegi; *sampan* ~ sampan yg bersekat-sekat (berpetak-petak); ~ *fius* kotak yg mengandungi fius-fius elektrik, biasanya dipasang pd dinding rumah, bangunan dsb; ~ *hitam* alat elektronik yg dipasang pd kapal terbang utk mengumpul dan menyimpan maklumat yg berkaitan dgn penerbangan kapal terbang berkenaan; ~ *pos (surat)* peti surat; ~ *segar* bekas di dlm peti sejuk tempat menyimpan bahan makanan supaya sentiasa segar;

berkotak-kotak 1. berpetak-petak, bersekat-sekat: *sawah* yg *berkotak-kotak*; 2. bercorak spt kotak (bergaris empat persegi): *memakai kain pelikat ~ putih dgn jalur-jalur merah*;

mengotakkan membahagikan sesuatu pd beberapa bahagian yg berasingan, memisahkan, mengasingkan.

kotak-katik = **kotak-kotak** bunyi (suara), reaksi: *masih belum terdengar ~ mereka*;

mengotak-ngatikkan, memperkotak-katikkan mengharu-birukan, mengacaukan.

kotamara 1. sj dinding di kapal sbg pelindung bagi penembak meriam; 2. tembok di atas benteng (tempat diletakkan meriam).

kota praja Id kawasan dan pentadbiran kota yg setaraf dgn daerah.

kotek (koték) I ekor;

berkotek berekor; *bintang ~ bintang* yg bercahaya memanjang menyerupai ekor, bintang berekor.

kotek (koték) II bunyi ayam betina, ketuk;

berkotek 1. berbunyi (bkn ayam betina), berketuk; 2. bersuara: *masing-masing diam tidak ~ sambil menunggu perintah menyerang*; *siapa ~ siapa bertelur* prb orang yg mula-mula bersuara itulah biasanya yg melakukan perbuatan yg dikatakannya itu.

kotek (koték) III kemaluan lelaki.

kotek (koték) IV = ~ *mamak* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Cassia grandis*.

kotej (kotéj) (S.bina) sj rumah yg reka bentuknya berunsurkan reka bentuk rumah petani Inggeris.

kotel (kotél) Kl 1. kerdil, tidak subur (bkn orang); 2. sudah tua (bkn nyiur); *nyiur ~ nyiur* yg sudah tua; 3. hanya, sahaja; *cawat ~ cawat* sahaja

(tidak berpakaian lain); **4.** amat, sangat, sekali; *kering* ~ kering sama sekali (bkn kolam dll); *senyap* ~ sunyi sepi, senyap sekali.

koteng (koténg); **terkoteng-koteng** **1.** seorang diri (tidak berpengiring atau berteman), terkoteng-koteng; **2.** Kl, Tr tergantung-gantung, terbuai-buai.

koter (kotér) □ □ □ **kotel.**

koterek (koterék) IB sj alat utk mencabut sumbat botol.

kotes (kotés); **sekotes** sangat sedikit, secubit;

mengotes mencabut (mengopek, mencubit, dll) barang yg kecil-kecil atau halus-halus; **kutis.**

kotiledon (kotilédon) (Bio) daun yg pertama sekali keluar pd pokok yg tumbuh drpd biji, daun biji.

kotis □ □ □ **kutis.**

kotok I pendek (bkn kaki seluar dll), kontot.

kotok II; *tahi* ~ Jk tahi ayam yg cair.

kotong kudung, buntung, kontot, pendek; *baju* ~ baju bertangan pendek.

kotor 1. tidak bersih, tidak jernih, cemar: *mencuci pakaian* ~; *longkang* yg ~ *airnya*; (*mendapat*) *kain* ~ datang haid; ~ *bolor* sangat kotor; **2.** ki lucuh (bkn perkataan), keji, tidak baik (bkn perkataan, perbuatan), tidak senonoh: *alangkah* ~nya kata-kata yg dikeluarkannya; ~ *mulut* = *mulut* ~ mulut lucuh (suka bercakap perkara-perkara yg tidak senonoh); ~ *namanya* cemar namanya; *penyakit* ~ penyakit perempuan, sifilis; *perbuatan* ~ perbuatan jahat (tidak baik); **3.** Id kasar, tidak bersih, bruto: *pendapatan (keuntungan dll)* ~; ~ *dicuci*, *berabu dicentik (dijentik)* prb segala yg tidak baik hendaklah dilupakan;

mengotori menyebabkan kotor pd: *bekas kasut* yg ~ *lantai*;

mengotorkan 1. menyebabkan menjadi kotor (tidak bersih), membuat menjadi kotor: *dia dimarahi kerana ~ rumah*; 2. mencemarkan (nama baik), menodai, memburukkan: *dunia sebenarnya suci tetapi manusia yg mengisi seluruhnyalah yg ~nya; engkau bukan mendatangkan nama baik tetapi ~ nama baik keluargamu*;

terkotori telah dikotori: *tubuh tidak ~ oleh nafsu syahwat badani*;

kotoran barang apa yg kotor (spt najis, sampah, dll), benda kotor, sesuatu (spt tanda dsb) yg kotor yg melekat pd pakaian dll: *air yg mengandung habuk dan ~ hendaklah dimasak; apa-apa ~ yg ada pd luka itu hendaklah dibersihkan dahulu*;

kekotoran perihal kotor (tidak bersih), keburukan, pencemaran, kekejian: *~ udara boleh menyebabkan penyakit; buku tersebut mengandung peristiwa-peristiwa yg menggambarkan ~ moral*;

pengotoran perihal mengotori atau mengotorkan;

pengotor (orang yg) tidak menghiraukan kebersihan.

kotrek (kotrék) □ □ □ **koterek**.

kouh Tr busuk.

kowe (kowé) Jw, bk engkau.

koy kep koyan.

koya I sj serangga perosak drpd genus *Pseudococidae*, yg bentuknya bujur telur, berwarna merah muda atau putih dan mengeluarkan cairan manis.

koya II Pr banyak.

koya III Jh sj penganan yg dibuat drpd tepung kacang hijau atau beras pulut yg dicampur dgn gula lalu diterap dan biasanya dijemur.

koyak carik, rabak, sobek: *bajunya ~ kerana terkait pd sebatang paku di dinding; ~ rabak koyak atau koyak-koyak yg panjang atau lebar; ~ baju mahu ukur badan prb merosakkan barang yg hendak dibaiki (disempurnakan); ~ tak berbunyi prb sesuatu keburukan (kebaikan) yg berlaku dgn tidak diketahui orang; tak mahu ~ kulit, ~ kain mahu juga prb sanggup berkorban harta benda walaupun tidak sanggup mengorbankan diri;*

mengoyak menjadi besar atau terbuka (luka): *lukanya yg hampir-hampir sembuh dahulu itu ~ sekali lagi; bagi bunyi orang dikoyak (dicabik) harimau prb menjerit-jerit (melaung-laung) kuat-kuat;*

mengoyakkan, mengoyak-ngoyakkan menyiat(-nyiat), mencabik(-cabik), menarik(-carik): *tanganku segera ~ sampul surat itu;*

terkoyak tersiat, tercarik: *cebis-cebis kain yg ~ drpd bajunya; ~ isinya akibat tikaman lading musuhnya;*

kekoyakan keadaan koyak: *perineum memerlukan masa utk pulih semula drpd luka-luka dan ~.*

koyam; *bubur* ~ sj bubur yg dibuat drpd beras pulut.

koyan ukuran berat biji-bijian (kira-kira 40 pikul);

berkoyan-koyan **1.** beberapa (banyak) koyan; **2.** sangat banyak: *harta yg ~.*

koyok I C **1.** sj ubat yg ditempelkan pd kulit (utk menyembuhkan penyakit bisul dll); **2.** bp cakap yg sedap didengar tetapi tidak benar, temberang, cakap kosong (tidak sungguh-sungguh); *jual ~ (ubat) menemberang, bercakap kosong.*

koyok II anjing liar (tidak dipelihara orang).

koyote (koyoté) sj serigala kecil yg terdapat di padang rumput prairie di Amerika Syarikat, *Canis latrans*.

KP kep kad pengenalan.

kpd kep kepada.

KPGM kep Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu.

KPIJ kep Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Johor.

KPPMS kep Kesatuan Pelajar-Pelajar Melayu Selangor.

Kr simbol kimia bagi krypton.

kraf 1. perusahaan (kerja, seni, dsb) yg memerlukan kemahiran terutamanya kemahiran menggunakan tangan: *projek ini diyakini akan memanfaatkan pencipta ~, peminat ~, pereka bentuk, penyelidik, penuntut, dan pelawat ~*; **2.** yg memerlukan (dihasilkan dgn) kemahiran terutamanya kemahiran menggunakan tangan: *barangan ~ tempatan; industri ~ Malaysia.*

kraf tangan 1. perusahaan (kerja, seni, dsb) yg memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan: *tumpuan juga boleh dialih kpd bidang ~ yg sering menarik minat pelancong*; **2.** yg memerlukan (dihasilkan dgn dsb) kemahiran menggunakan tangan: *barang-barang ~; perusahaan ~; seni ~.*

kram IB, bp kejang (kaku) anggota.

krama □ □ □ **kromo I.**

kran □ □ **keran II.**

kranberi (kranbéri) sj buah beri masam berwarna merah yg digunakan utk membuat sos dan jeli.

kranium (Bio) bahagian tengkorak yg melindungi otak.

krapak; berkrapak Br bercakap.

kravat sj skarf yg dipakai di keliling leher oleh orang lelaki.

krayon batang drpd lilin, tanah liat, dsb yg berwarna dan digunakan utk melukis dsb (biasanya utk kanak-kanak).

kreatif (kréatif) mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan, dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli: *kita harus mengerah seluruh tenaga ~ utk menghasilkan karya seni yg benar-benar bermutu tinggi; daya ~ kemampuan (kebolehan) mencipta;*

kekreatifan kemampuan (kebolehan) mencipta, kreativiti, daya kreatif: *komputer boleh mengembangkan ~ pelukis hingga ke satu peringkat yg hampir tiada hadnya.*

kreativiti (kréativiti) kemampuan (kebolehan) mencipta, daya kreatif, kekreatifan: *~ seniman; ~ sastera; ~ dlm penggunaan bahasa;*

berkreativiti melaksanakan (menjalankan) kreativiti: *penghijrahan mereka ke Kuala Lumpur membolehkan mereka ~ dan memajukan sastera tanah air.*

kredep Jk; **berkredepan** berkedip-kedip, berkelip-kelip, berkejap-kejap.

kredibiliti (krédibiliti) sifat boleh dipercayai atau diyakini, kebolehpercayaan: *apakah krisis dlm bidang kehakiman ini telah merosotkan ~nya sbg badan pendukung keadilan dan undang-undang?*

kredit (krédit) **1.** wang yg dipinjamkan, jumlah atau kemudahan pinjaman, piutang: *~ di atas kadar bunga yg sebanyak itu hanya dapat diberi jika bank mahu menjamin pinjaman itu; bank-bank perdagangan tidaklah bebas membesarkan atau mengecilkan ~nya;* **2.** kemudahan membayar terkemudian drpd penerimaan barang, penangguhan pembayaran (bagi barang yg dibeli); *menjual (membeli) dgn ~ menjual (membeli) barang dgn pembayarannya ditangguhkan; memberi ~ memberi pinjaman (hutang), membenarkan (membolehkan) penangguhan pembayaran; tukang ~ Jk tukang menjual barang-barang dgn bayaran beransur-ansur;* **3.** butir

perakaunan (spt bayaran dll) yg dicatatkan di ruang sebelah kanan buku kira-kira;

mengkreditkan **1.** mencatatkan butir perakaunan (spt bayaran dll) di ruang sebelah kanan buku kira-kira; **2.** Id, bp memberi pinjaman wang dgn cagaran barang; **3.** bp menjual barang dgn bayaran beransur-ansur;

perkreditan yg berkaitan dgn kredit atau segala urusan kredit.

kreditor (kréditor) pemiutang.

krematorium (krématorium) tempat membakar mayat.

kren (krén) sj alat utk mengangkat (memungguh, memindahkan, dsb) barang-barang berat (di pelabuhan dll).

kreol (kréol) (Lin) bahasa yg terbentuk drpd campuran dua bahasa yg berlainan melalui pertuturan sehingga menjadi bahasa utama dlm komuniti atau daerah tertentu;

pengkreolan perihal mencampuradukkan dua bahasa yg berlainan dlm pertuturan sehingga bahasa tersebut menjadi bahasa utama dlm komuniti atau daerah tertentu.

kreosot (kréosot) cecair yg dihasilkan drpd penyulingan minyak tar (terutama tar arang) dan digunakan utk mengawet kayu.

krep (krép) (Tks) sj kain nipis drpd sutera, kapas atau benang bulu yg permukaannya berkedut-kedut.

krepuskul (krépuskul) (Bio) aktif pd waktu subuh atau senja (bkn binatang): *kelawar merupakan sj binatang ~.*

kreseh (kréséh); ~-peseh; □ □ □ **keresepese.**

kresendo (kréséndo) (Muz) not yg dimainkan semakin kuat.

kresol (krésol) (Kim) sj sebatian aromatik yg terdapat dlm kreosot dan tar arang batu, biasanya digunakan utk membuat bahan pembasmi kuman dan antiseptik.

kretin (krétin) (Ubat) orang yg cacat anggota dan terencat akalnya sejak lahir akibat kekurangan atau ketiadaan hormon tirod.

kretinisme (krétinisme) (Ubat) kecacatan fizikal dan keterencatan akal seseorang yg berlaku sejak lahir akibat drpd kekurangan hormon tiroid.

kreton (kréton) (Tks) sj kain kapas tebal dgn berbagai-bagai corak berwarna-warni, yg biasanya digunakan sbg bahan utk membuat sarung kusyen, langsir dsb.

krevas (krévas) (Geog) rekahan yg dalam dan luas pd glasier, jurang glasier.

krew → **kru**.

kriket (krikét) sj permainan padang yg dimainkan dgn memakai bola dan kayu pemukul serta tiga tonggak yg menjadi sasaran lemparan bola (dimainkan oleh dua pasukan yg setiap satunya mempunyai sebelas orang pemain).

krim **1.** cecair pekat atau kental berlemak yg berwarna kekuning-kuningan yg timbul di atas permukaan susu dan dijadikan sbg makanan; *warna* ~ warna kuning keputih-putihan; **2.** bahan makanan yg lembut, pekat, dan manis yg berupa spt krim; ~ *karamel* pencuci mulut yg dibuat drpd telur, gula, susu, dll yg dibubuh karamel di atasnya; **3.** bahan berubat yg pekat dan lembut spt krim yg digunakan utk melembutkan kulit, menyerikan rambut, dsb; ~ *asas* krim yg digunakan sbg asas utk mekap.

krimer serbuk atau cecair berwarna putih yg menggantikan susu dlm minuman teh, kopi dsb.

kriminil IB kejahatan (spt membunuh, mencuri, dll) yg melanggar undang-undang negeri, jenayah, pidana; *hukum* ~ hukum terhadap perbuatan jenayah.

kriminologi kajian tentang jenayah, penjenayah, perlakuan jenayah, dsb.

kriobiologi cabang biologi yg berkaitan dgn kajian tentang kesan suhu yg sangat rendah ke atas organisma.

kriogen (Fiz) bahan yg digunakan utk menghasilkan suhu yg amat rendah.

kriogenik (kriogénik) kajian tentang sesuatu bahan dan fenomena pd suhu rendah, lazimnya pd suhu yg kurang drpd -100°C .

kriolit (Kim) sj mineral tak berwarna atau berwarna putih yg digunakan dlm pengeluaran kaca, aluminium dan enamel.

kriologi kajian tentang air pepejal, spt hujan batu.

krioskop (Kim) kajian tentang takat beku larutan; *kaedah* ~ kaedah menentukan jisim molekul relatif sesuatu bahan pepejal dgn mengukur penurunan takat beku pelarut yg sesuai apabila ditambahkan sejumlah kuantiti pepejal berkenaan.

krioterapi (kriotérapi) (Ubat) rawatan perubatan dgn cara mendedahkan sebahagian atau seluruh tubuh badan pd suhu yg sangat rendah.

kriptogam (Bio) tumbuhan yg tidak mengeluarkan bunga atau biji benih, mis kulat, alga dan paku pakis.

kriptografi kajian linguistik yg berkaitan dgn kod rahsia yg dapat membantu seseorang memahami bahasa yg telah pupus.

kriptogram (Lin) teks yg ditulis dlm kod rahsia.

kripton (Kim) sj unsur bukan logam, berbentuk gas yg tidak berwarna, tidak berbau, dan terdapat dlm udara sebanyak 0.001% mengikut isi padu.

krisis keadaan tidak stabil atau tidak tenteram yg boleh secara tiba-tiba menyebabkan sesuatu kejadian (perkembangan, perubahan, dll), keadaan yg lazimnya mendatangkan kesan buruk, keadaan yg genting, kegentingan, ketegangan, keributan: *pucuk pimpinan parti sedang berusaha menyelesaikan ~ yg timbul dlm parti itu;*

~ akhlak (moral) kemerosotan (kerusakan) budi pekerti yg sudah mencapai peringkat yg membimbangkan; *~ ekonomi* keadaan ekonomi yg tidak stabil dan menyebabkan kehidupan menjadi sukar; *~ kelaparan* keadaan buruk yg menyebabkan kebuluran (kerana kekurangan makanan); *~ kewangan* keadaan yg sangat membimbangkan mengenai soal-soal kewangan (spt kekurangan wang dll); *~ politik* ketegangan politik;

berkrisis berselisih pendapat (fahaman, dll).

Krismas hari besar yg dirayakan oleh orang Kristian (jatuhnya pd 25 Disember).

kristal bahan yg hening spt kaca, hablur: *jambangan ~;*

mengkristal menjadi kristal atau spt kristal;

mengkristalkan menjadikan kristal, menghablurkan;

pengkristalan perihal mengkristal, penghabluran.

kristalografi **1.** kajian tentang pembentukan hablur; **2.** kajian tentang susunan dalaman (ion dan molekul) dan bentuk luaran hablur, dan pengelasan hablur; *~ sinar-X* kaedah penentuan struktur hablur dgn menggunakan sinar-X.

kristaloid (Kim) bahan berhablur yg apabila larut dlm air boleh menembusi membran separa telap.

Kristian = *agama* ~ agama yg dipercayai dan dianuti oleh pengikut Jesus Christ; *orang* ~ penganut agama Kristian;

mengkristiankan menjadikan sbg penganut (pengikut) agama Kristian, memasukkan ke dlm agama Kristian: *tugas paderi itu ialah berusaha ~ penduduk pulau itu;*

pengkristianan perbuatan mengkristiankan seseorang: ~ *penduduk tempatan telah dilakukan sejak beberapa lama dulu.*

kriteria (kritéria) ukuran (asas pertimbangan) utk menentukan nilai (baik buruknya dll) sesuatu: *penilaian sesuatu selalunya subjektif dan berdasarkan ~ yg berlainan; pemilihan pemenang berdasarkan beberapa ~;*

mengkriteriakan menjadikan sbg kriteria: *menurut Affendi, ciri yg dikriteriakannya itu tidak terdapat dlm syarahan perdana tersebut.*

kritik 1. analisis, penilaian dan teguran terhadap karya seni, sastera, dsb: *seseorang penulis harus menerima baik segala ~ yg jujur; pd masa ini banyak tersiar ulasan dan ~ mengenai sajak dan cerpen; kerajaan sedia memberikan perhatian kpd ~~~ yg dikemukakan dgn tujuan yg baik; 2.* teguran keras, kecaman, bidasan;

mengkritik 1. membuat analisis dan penilaian tentang karya seni, sastera, dsb: *seorang yg tidak pernah menghasilkan sesuatu karya sastera masih dapat ~ cerpen, novel, ataupun sajak; 2.* memperkatakan (mengulas dsb) keburukan atau kelemahan sesuatu atau seseorang; ~ *hebat (keras, pedas) mengecam, membidas, mencela: menerusi watak-wataknya pengarang ~ pedas akan*

masyarakat hari ini; dia menafikan pernah menuduh atau ~ penuntut-penuntut maktab tersebut;

pengkritik orang yg mengkritik, pembidas: *kita memerlukan banyak ~ sastera yg berkebolehan; para ~ dr negeri-negeri lain telah memuji karya pelukis-pelukis Malaysia yg dipamerkan itu;*

kritikan 1. kritik (analisis, penilaian, dan ulasan terhadap sesuatu karya sastera dll); **2.** kritik (ulasan atau kata-kata) tentang keburukan (kelemahan dsb) seseorang atau sesuatu, kecaman.

kritikal 1. menunjukkan atau mungkin menimbulkan krisis, boleh atau mungkin menerbitkan kegentingan: *ancaman terbesar terhadap ekologi dunia sekarang ialah pemusnahan hutan pd kadar yg ~ serta membimbangkan;* **2.** bersifat mengkritik, mengandungi kritikan (terhadap sesuatu atau seseorang): *beberapa buah akhbar Soviet telah menyiarkan surat-surat yg agak ~ terhadap pelibatan negara itu utk menegakkan sebuah pemerintahan sokongannya di Kabul.*

kritikus IB orang yg mempertimbangkan atau mengulas sesuatu dgn menghuraikan pendapatnya serta membuat teguran atau kecaman, pengkritik: *banyak hasil karyanya diperkatakan oleh ~~~ sastera.*

kritis 1. IB tidak dgn begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu), bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat), kritikal: *masalah itu harus ditinjau secara ~; memberikan perhatian kpd pendapat-pendapat yg ~ tentang rancangan yg dikemukakan;* **2.** Id tegang (bkn sesuatu keadaan), sangat berbahaya (keadaan), genting, kemelut: *keadaan yg ~ .*

krocet (krocét) (Muz) not yg mempunyai nilai masa setengah drpd minim atau dua kuaver (biasanya dianggap sama dgn satu rentak).

kroisan (ERT) sj roti berbentuk bulan sabit yg diperbuat drpd doh yis yg dicanai dgn marjerin menjadi pastri, dan dibakar.

kroket (krokét) IB sj kuih drpd kentang bercampur daging dll.

krom 1. sesuatu (benda drpd besi dll) yg bersalut dgn kromium; **2.** bahan pewarna yg mengandungi kromium.

kromatografi kaedah pengasingan sebatian dlm sesuatu campuran berdasarkan jerapan terpilih.

kromium (Kim) sj logam berwarna perak yg digunakan dlm aloi dan dlm penyaduran elektrik.

kromo I Jw bahasa yg halus (hormat).

kromo II Jw = *kaum* ~ rakyat jelata, rakyat kebanyakan: ~ *itu sedang duduk berkumpul beramai-ramai.*

kromo III; *hentam* ~; □□□ **hentam.**

kromosom (Bio) jasad yg membawa gen yg mengandungi DNA dan protein dan terdapat pd nukleus sel;

~ *seks* kromosom yg menentukan seks sesuatu organisma; ~ *-X* kromosom seks betina; ~ *-Y* kromosom seks jantan.

kroni kawan atau teman yg rapat (biasanya digunakan dlm situasi negatif atau yg melibatkan kepentingan peribadi): *beliau menafikan terdapatnya unsur ~ dlm penswastaaan.*

kronik 1. berlarutan dan sukar sembuh (bkn penyakit; **2.** sangat teruk dan tidak menyenangkan (bkn keadaan atau masalah).

kronis IB tidak mudah hilang atau sembuh (bkn penyakit), berlarutan, kronik.

kronisme amalan mengutamakan atau mementingkan teman rapat dlm pelantikan sesuatu jawatan, pemberian sesuatu projek dsb.

kronograf (Kej) sj alat utk merakamkan waktu dgn tepat.

kronologi susunan peristiwa (kejadian) menurut masa berlakunya peristiwa berkenaan.

kronologis berdasarkan kronologi, berturutan mengikut masa kejadian (peristiwa dll): *sebuah buku mengenai sejarah perkembangan seni lukis Malaysia yg disusun secara ~.*

kronometer (kronométer) sj alat utk mengukur masa (biasanya digunakan dlm pelayaran).

kropok Jk **1.** lapuk, usang; **2.** kosong, berongga (tidak berisi), tidak berair isinya, keropok; **3.** ki lemah, tidak bertenaga atau bersemangat.

kru sekumpulan petugas, terutamanya yg mempunyai kemahiran teknikal tertentu, yg bekerja bersama-sama mengendalikan sesuatu tugas, projek dsb: *sekumpulan jurugambar media cetak serta ~ sebuah stesen televisyen swasta kelihatan sedang membuat liputan peristiwa yg bersejarah itu; penerbit filem diwajibkan mengambil pelakon dan ~ yg berdaftar dgn persatuan masing-masing.*

krupier orang yg bertugas menjaga meja judi, membahagi-bahagikan kad, memungut wang pertaruhan, membayar wang kpd pemenang dsb.

krupukan Jk kehilangan akal, kebingungan, gugup.

krus Id, bp nilai (wang).

krustasea (krustaséa) (Bio) jenis haiwan kecil yg mempunyai cangkerang luar yg keras dan sebahagian besar hidupnya tinggal di dlm air, mis ketam dan udang.

krusye (krusyé) (ERT) **1.** cara membuat pakaian dsb dgn mengait benang bulu menggunakan jarum bercangkuk di hujungnya; **2.** pakaian dsb yg dibuat dgn benang bulu yg dikait dgn jarum bercangkuk di hujungnya.

kruton (ERT) potongan roti berbentuk dadu yg dibakar atau digoreng, biasanya dimakan dgn sup.

ksj kep kilometer sejam: *dia memecut motokarnya dgn kelajuan 120 ~.*

KTM kep Keretapi Tanah Melayu.

ku I □ singkatan bagi aku: *~baca; ayah~.*

ku II singkatan bagi engku atau tengku.

ku III; *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung pulut (dibubuh inti dan dikukus).

kuaci C biji tembikai (semangka) yg dikeringkan utk dimakan.

kuadran (Ast) sj alat kuno utk mengukur altitud bintang, yg terdiri drpd lengkungan bersenggat 90°.

kuadrat (Bio) kawasan kecil berbentuk segi empat yg mempunyai keluasan tertentu, yg dipilih secara rawak utk menganalisis sesuatu komuniti tumbuhan (atau kadangkala komuniti haiwan) di kawasan tersebut.

kuadriplegia (kuadriplégia) (Ubat) kelumpuhan kedua-dua kaki dan tangan akibat kecederaan tulang belakang.

kuah air atau cairan drpd gulai (masakan sayur, masakan daging, dll) yg dicurahkan ke dlm nasi dll (apabila makan): *~ gulai ikan; ~ lemak; ~ pedas; ~nya pekat;*

~ sama dihirup, sambal sama dicolek prb bersama-sama dlm senang dan susah; *~ tumpah (tertuang, tertunggang) ke nasi* a) prb Mn dikatakan mengenai anak yg dikahwinkan dgn kemanakan (anak saudara perempuan); b) ki sememangnya begitu, sudah seharusnya, sudah sewajarnya; *ke mana tumpah ~ kalau tidak ke nasi* prb baik buruk seorang bapa itu sedikit sebanyak turun ke anaknya; *harapkan kuning ~ kambeh, cangkuk terubuk ditinggalkan* prb oleh kerana

mengharapkan keuntungan yg besar (tapi belum tentu diperoleh) keuntungan yg kecil tapi sudah tentu, dilepaskan;

berkuah dgn kuah, memakai (ada) kuah: *makan ~; ~ air mata* ki selalu menderita kesusahan;

menguahi memberi berkuah pd, membubuh kuah pd: *~ nasi*;

mengkuahkan menjadikan sesuatu sbg kuah: *~ gulai lemak ke nasinya*.

kuai-kuai sj tumbuhan (palma), asam paya, kelubi, bayam, kelumbi, kubi, salak hutan, *Zalacca conferta*.

kuak I bunyi spt bunyi katak atau bunyi kerbau; *katak ~ sj katak besar*;

berkuak berbunyi kuak;

berkuak-kuak mengeluarkan bunyi kuak atau berbunyi kuak berulang kali: *jelas kedengaran katak ~ di tepi kolam itu*;

mengkuak mengeluarkan bunyi kuak atau berbunyi kuak: *kambing mengembek, kerbau ~*.

kuak II □ gerakan menolak air dgn tangan semasa berenang;

~ dada gaya renang dgn dada menghadap ke air, tangan bergerak dlm bentuk bulatan dan kaki menendang spt katak; *~ kupu-kupu* gaya renang dgn kedua-dua tangan mencecah air pd posisi siku yg tinggi sambil menarik air serentak, manakala kaki membuat tendang duyung; *~ lentang* gaya renang dgn kedudukan badan terlentang, dgn tangan diangkat dr sisi badan, lurus ke atas dan melepasi bahu sehingga mencecah air di belakang kepala;

berkuak, terkuak 1. terbuka sedikit (bkn daun pintu, tabir, dll yg ditolak): *pintu terkuak lebar*; **2.** merenggang dan bercelah-celah (bkn awan, daun-daun yg bergerak dsb): *awan hitam pun ~*; **3.** menyisi (menghindar) ke kiri ke kanan (bkn orang atau sesuatu yg

berkumpul): *barang di mana ia lalu orang-orang ~ memberi ia jalan*; **4.** menjadi besar atau lebar (bkn lubang dll), berpisah (dgn); ~ (*terbuka*) *darah tersirap darah*;

menguak melantasi (menembusi) barisan atau orang ramai yg berkerumun dgn menolaknya dgn tangan ke kiri dan ke kanan: *dgn susah payah ia ~ ke celah-celah orang yg berasak-asak itu*;

menguakkan menyingkap (membuka) dgn menolak atau menarik ke kiri ke kanan (daun pintu, tabir, dll), menyisikan (menepikan, menghindarkan) ke kiri ke kanan, memisahkan: *ia ~ daun pintu lebar-lebar*; ~ *kelambu (tirai dll)*; *orang berlarian hendak menolongnya tapi dikuakkannya mereka*; *ia ~ daun-daun serta sampah-sampah yg menutupi kubur itu ke tepi*.

kuak III sj tumbuhan (pokok), medang pergam, tengar hutan, *Ternstroemia bancana*.

kuak-kuak; *burung* ~ sj burung yg keluar pd waktu malam, burung kuar, burung kuaran, *Nycticorax nycticorax*.

kual; **terkual** terayun-ayun, teralun-alun (gerak kapal); ~-*kapai* bergerak-gerak seakan-akan hendak mencapai sesuatu (spt anak kecil yg terlentang dan terkapai-kapai).

kuala I tempat sungai mengalir masuk ke laut atau tasik, muara: *pelabuhan itu terletak di ~ sungai*; *bandar* ~ bandar yg terletak di kuala atau di muara sungai;

berkuala bermuara: *sungai itu ~ di Selat Melaka*.

Kuala II penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Melayu-Proto yg tinggal di kuala sungai di persisiran pantai selatan negeri Johor.

kualat Jw 1. kena tulah, mendapat kecelakaan (kerana bersalah kpd orang tua atau orang yg patut dimuliakan); 2. bp celaka, laknat.

kuali sj bekas yg biasanya berbentuk munglum, bertelinga, dan diperbuat drpd besi, aluminium, dll utk menggoreng.

kualitatif berdasarkan kualiti, berkaitan dgn kualiti atau mutu: *ada perkembangan ~ dlm kehidupan beragama Islam di negara ini.*

kualitet (kualitét) Id kualiti.

kualiti darjah kecemerlangan biasanya yg tinggi, mutu: *barang-barang itu baik ~nya;*

berkualiti mempunyai kualiti, bermutu: *ini dapat memberikan gambar yg terang serta jelas dan ~ apabila ditayangkan.*

kualon Jw tiri; *anak ~ anak tiri; bapak ~ bapa tiri.*

kuam; *panas ~ Kl rasa panas di tempat yg terkurung dan tertutup.*

kuana Kl ke mana.

kuang I sj burung, kuau; ~ *cermin, Polyplectron inopinatum;* ~ *mas, Chrysolophus pictus;* ~ *perak, Lophura nycthemera;* ~ *pongsu, Polyplectron malacense;* ~ *ranting, Lophura edwardsi;* ~ *raya, Argusianus argus;* ~ *raya gunung, Rheinardia ocellata;*
mati ~ (kuau) kerana bunyi prb mendapat kesusahan (kecelakaan) kerana perbuatannya sendiri; spt ~ memekik di puncak gunung prb a) perihal orang yg sedang mencintai kekasihnya; b) dikatakan tentang perempuan yg bercakap dgn suara yg kuat.

kuang II; *balik ~ a) tertunggang, terjungkir; b) tidak spt yg sewajarnya (sepatutnya, seharusnya).*

kuang III; *ulat ~ sj ulat.*

kuangkuit sj burung, burung kapas, murai batu, selancang, *Lalage nigra.*

kuangwung Jk kumbang nyiur, kumbang kelapa.

kuanta □ □ **kuantum**.

kuantifikasi butiran mengikut jumlah unit dan angka: *~ memungkinkan pelbagai kelebihan;*

mengkuantifikasi membuat kuantifikasi: *memang ada keperluan utk ~ pengamatan tersebut.*

kuantitatif berdasarkan kuantiti, berkaitan dgn kuantiti: *nilai ilmu, intelek, dan perkhidmatan tidak dapat diukur secara ~.*

kuantiti banyaknya, jumlah, bilangan (sesuatu);

mengkuantitikan menghitung sesuatu secara kuantiti: *ahli sains telah ~ dan menggunakan teknik formal.*

kuantum 1. banyaknya, bilangannya; **2.** bahagian (banyak) yg tertentu; **3.** (Fiz) kuantiti tenaga tertentu yg boleh diserap atau dibebaskan oleh sesuatu sistem; *teori ~ teori yg menyatakan bahawa tenaga itu diserapkan atau dipancarkan tidak terus-menerus tetapi terputus-putus dlm unit yg tertentu yg disebut kuantum.*

kuap I hal ternganga mulut dan terkeluar nafas (biasanya kerana mengantuk): *~nya menjadi-jadi dan ia berasa mengantuk betul; ~ berapi-api* makin banyak (bertambah, menjadi) kuapnya;

menguap membuka mulut lebar-lebar dan mengeluarkan nafas (sebab mengantuk dll);

terkuap-kuap menguap-nguap (kerana terlalu mengantuk): *hari sudah jauh malam dan kelihatan beberapa orang ~.*

kuap II; berkuap panas, hangat: *bilik itu ~ kerana semua tingkapnya ditutup.*

kuap III; cengkih ~ Kd terjengket-jengket, capik (spt jalan orang yg luka kakinya).

kuap IV; *ara* ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), ara gajah, ara kubang, beringin, *Ficus dubia*.

kuar I kuak;

menguarkan, **menguar-nguarkan** menguak-nguakkan,
menghulurkan kayu dll utk meraba-raba.

kuar II; *burung* ~ (*kuaran*) sj burung yg keluar pd waktu malam, burung kuak(-kuak), *Nycticorax n. nycticorax*; *burung* ~ sj burung ayam-ayam, burung ruah-ruah, burung uak-uak, *Amaurornis phoenicurus chinensis*; *menanti kuaran bertelur* prb mengharapkan sesuatu yg tidak mungkin terjadi atau diperoleh.

kuar III; *anak* ~ ark anak yg tidak sah, anak haram, anak gampang.

kuarantin tempoh masa seseorang, haiwan, atau tumbuhan yg disyaki membawa sesuatu jenis penyakit ditahan di tempat pengasingan khas utk mencegah penyakit itu drpd merebak;

mengkuarantin mengasingkan atau menahan orang, haiwan atau tumbuhan di tempat khas, terutamanya yg baru sampai dr luar negara, utk memastikan ia bebas drpd sebarang penyakit berjangkit, atau mencegah penyakit drpd merebak: *kerajaan akan ~ pelancong asing yg menunjukkan tanda-tanda penyakit tersebut*.

kuari I tempat mendapatkan batu, batu loh, dll dgn cara menggerudi, menembak, dsb; ~ *pasir* tempat mengambil pasir;

menguari mendapatkan (mengeluarkan) batu dll dr kuari: *batu kapur dikuari dan digunakan utk membuat simen*.

kuari II; ~ *pintu* Br lubang atau lekuk utk dimasukkan selak (palang).

kuarik ark perhiasan (bulatan) drpd emas atau perak penutup susu.

kuart unit ukuran cecair yg bersamaan dgn dua pain atau suku gelen.

kuartal IB suku (seperempat) tahun, jangka waktu tiga bulan; ~ *pertama* suku tahun yg pertama (dr bulan Januari hingga Mac).

kuartermaster **1.** pegawai tentera yg bertanggungjawab menguruskan tempat penginapan, peralatan dan bekalan makanan; **2.** anggota yg ditugaskan utk mengemudikan kapal atau memastikan kerja-kerja rutin kapal di pelabuhan dilaksanakan.

kuarters tempat tinggal kakitangan atau pekerja yg disediakan oleh majikan atau kerajaan.

kuartet (kuartét) (Muz) **1.** gubahan muzik utk dinyanyikan atau dimainkan oleh empat orang; **2.** sekumpulan empat orang yg bermain alat-alat muzik atau yg menyanyi bersama-sama.

kuarto saiz kertas yg diperoleh drpd dua kali lipatan kertas lebar.

kuarza sj galian yg terdiri drpd silikon dioksida yg wujud dlm bentuk hablur heksagon yg tidak berwarna dan lutsinar atau yg berwarna.

kuarzit = *batu* ~ batu kuarza yg berbutir-butir padat yg diperoleh drpd batu pasir.

kuas I IB sj berus utk melukis (mengecat).

kuas II IB air limau.

kuas III; ~-*kais* mengais-ngais; □ □ □ **kais**.

kuasa I **1.** daya atau kemampuan (utk melakukan atau mengerjakan sesuatu), keupayaan, kekuatan, tenaga: *serangga mempunyai ~ terbang dan cara bernafas yg istimewa*; **2.** berupaya, mampu, berdaya (melakukan sesuatu); *Maha ~ (Berkuasa)* amat besar kuasa-Nya (Tuhan); **3.** sanggup serta berminat (membuat atau melakukan sesuatu): *Azmi tidak ~ hendak melayan orang macam bapa saudaranya itu; ia tidak ~ berebut-rebut mengambil tempat; tak ~ hamba tinggal seorang diri di rumah*; **4.** hak atau kewibawaan atas

sesuatu atau utk melakukan (mengurus, memerintah, dll) sesuatu (ditentukan oleh undang-undang, peraturan, dll): *polis mempunyai ~ menahan seseorang yg disyaki; ia diberi ~ utk menyelesaikan pertikaian itu; ~ dan tanggungjawab seseorang ketua jabatan; mengambil ~ memperoleh kuasa (hak) atas sesuatu (tanah, harta, dll) dgn rasmi*; **5.** orang yg diberi hak utk melakukan atau menentukan sesuatu: *datang pula sebuah sampan membawa surat Tuan Farquhar kpd ~nya di Melaka, menyuruh hantarkan barang-barangnya; ~ pusat badan yg mempunyai kuasa tertinggi*; **6.** pengaruh atau kewibawaan yg ada pd seseorang dll kerana kedudukannya (darjatnya dsb): *kalau dia digulingkan ~nya akan hilang dan ranaplah segala kemuliaannya; ~ kerajaan Majapahit yg terasa hingga ke Siam*; **7.** negara yg mempunyai pengaruh atas negara-negara lain: *~~ Barat; ~ Eropah; empat ~ (besar) empat negara yg berpengaruh (iaitu Amerika Syarikat, Great Britain, Perancis, dan Rusia)*; **8.** (Mat) nombor yg menunjukkan sesuatu nombor itu didarabkan banyak kali dgn nombor yg sama, mis 6^3 disebut "enam kuasa tiga", iaitu 6 didarabkan tiga kali ($6 \times 6 \times 6$) dgn hasilnya 216; *~ air tenaga yg diperoleh dr air terjun atau air mengalir (utk menjalankan jentera); ~ atom kekuatan (tenaga) yg diperoleh drpd pecahan nukleus; ~ autonomi kuasa mentadbir dll yg ada pd negeri (badan-badan, pertubuhan, dll); ~ bateri tenaga elektrik yg diperoleh dr bateri; ~ beli kemampuan membeli (barang-barang dll); ~ besar negara yg berkuasa (dr segi ekonomi, ketenteraan, dll) spt Amerika Syarikat; ~ elektrik tenaga (daya) elektrik; ~ ghaib kuasa atau kekuatan yg datang dr sesuatu yg tidak dapat dilihat (spt kesaktian dll); ~ kehakiman (Udg) kuasa yg diberikan kpd badan kehakiman utk*

mendengar dan mengadili pertelingkahan antara pihak-pihak yg terbabit; ~ *kuda* a) tenaga atau kekuatan kuda; b) ukuran kekuatan mesin atau motor (kekuatan utk mengangkat berat 550 paun setinggi satu kaki dlm satu saat); ~ *mutlak* kuasa sepenuh-penuhnya; ~ *pembatal* kuasa atau hak menolak (membatalkan) sesuatu keputusan (yg telah dicapai oleh pihak lain) atau undang-undang; ~ *suria* sinaran haba drpd matahari yg ditukarkan kpd kuasa elektrik; ~ *usaha* a) pegawai yg menjalankan tugas kewajiban duta apabila duta tidak ada (bercuti dll); b) diplomat (yg tidak bertaraf duta) yg mengetuai perwakilan negerinya di negeri asing;

sekuasa seboleh, sedapat: *maka oleh Kartala Sari dicurinya harta saudagar itu ~ pembawaannya;*

sekuasa-kuasanya seboleh-bolehnya, sedapat-dapatnya, sedaya upaya: *dgn ~ diambilnyalah lampiran surat itu lalu dibacanya;*

berkuasa 1. mempunyai kuasa (hak, wibawa), berhak atas sesuatu atau utk melakukan (mengurus dsb) sesuatu: *sbg ketua, beliau ~ memutuskan perkara-perkara spt itu; mereka diperintahkan oleh pihak yg ~ supaya keluar dr situ;* **2.** mempunyai kemampuan, berkemampuan, berkesanggupan;

menguasai 1. berkuasa atas (sesuatu), mengenakan kuasa (kewibawaan, pengaruh, dsb) pd atau ke atas (sesuatu): *mereka dapat ~ seluruh kota itu; negara yg cuba ~ negara lain dgn kekuatan tenteranya;* **2.** mengatasi dan mengawal (keadaan dll), mengekang (nafsu); ~ *hawa nafsu* mengekang (mengawal) hawa nafsu; **3.** memiliki dan menguruskan (mengendalikan): *sebahagian besar drpd ladang-ladang getah itu dikuasai oleh orang asing;* **4.** mengetahui dgn mendalam, menjadikan diri mahir atau

berpengetahuan tentang sesuatu: *setiap orang Malaysia berkemungkinan ~ lebih drpd satu bahasa;*

menguasai memberi kuasa kpd, mewakilkan: *anaknyanya dikuasakan mengurus perusahaan itu sepeninggalannya;*

terkuasa, terkuasai; *tidak ~ tidak dapat dikuasai (dikendalikan dll);*

kekuasaan **1.** kuasa atau hak (memutuskan, memerintah, mengurus, dll): *negeri itu sekarang di bawah ~ kerajaan pusat;* **2.** kekuatan, kemampuan: *raja itu masyhur kerana ~nya; ~ Tuhan;*

penguasaan perihal menguasai atau menguasai: *~ bahasa sendiri sangat penting bagi seseorang penterjemah;*

berpenguasaan sl ark mempunyai penguasaan;

penguasa **1.** orang atau badan yg berkuasa atas sesuatu atau utk menentukan (mengurus) sesuatu; **2.** kekuasaan: *tiadalah apa ~ hamba hendak bawa dia ke sana sini;*

~ perang orang yg berkuasa dlm masa perang (darurat); *~ polis* jawatan pegawai dlm pasukan polis tiga tingkat lebih tinggi drpd jawatan inspektor.

kuasa II ark sj tongkat yg hujungnya bercangkuk besi (utk mengemudikan gajah), angkus, kosa.

kuat I **1.** banyak tenaganya (dayanya), tidak lemah, bertenaga, berdaya, tegap: *walaupun ia sudah tua badannya masih ~; orangnya muda lagi ~; ubat ~ ubat utk menambah tenaga badan;* **2.** tidak mudah roboh (rosak, patah, putus, dsb), tahan (tidak rapuh dsb), kukuh, teguh: *meja ini ~ buaatannya; jahitlah dgn benang yg ~ sedikit; mendapat kedudukan yg ~;* **3.** tidak mudah kalah (tumpas, tewas, dsb), kukuh: *angkatan tentera yg ~; barisan pertahanan yg ~;* **4.** tidak mudah berubah (hati, pendirian, dsb), tetap berpegang (pd

kepercayaan, keimanan, adat, dsb), teguh: *mereka masih ~ kpd adat lama; imannya ~*; **5.** keras (berat, giat, hebat, erat, lantang, kencang, deras, dll): *ibunya sedang sakit ~ di kampung; suaranya semakin ~; bekerja ~ bekerja keras (sungguh-sungguh); angin ~ angin kencang; diikatnya ~-~ diikatnya erat-erat*; **6.** mampu (boleh) atau sanggup membuat sesuatu: *ia tidak ~ menaiki tangga setinggi itu; budak-budak pun ~ berjalan sejauh itu*; **7.** suka makan (minum dll) banyak-banyak: *~ makan (minum); ~ belajar; ~ berhutang*; **8.** mempunyai kelebihan atau kecakapan dlm sesuatu pengetahuan: *ia ~ dlm ilmu kira-kira*; **9.** = **kekuatan** tenaga, daya: *~ tarikan bumi; ~ tekanan udara;*

~ gajah terdorong, ~ harimau terlompat-lompat prb perihal orang besar (mulia) yg membuat kesalahan; ~ ketam kerana sepit, ~ burung kerana sayap, ~ ikan kerana radai prb a) berasa kuat (berkuasa) kerana ada kelebihan padanya; b) tiap-tiap orang sedikit sebanyak ada kuasanya;

sekuat 1. sama kuat dgn (dlm pelbagai erti): *Ali tidak ~ abangnya; barisan pertahanan pasukan ini tidak ~ tahun lalu*; **2.** = **sekuat-kuat** seboleh-boleh, sepenuh daya (tenaga): *perempuan itu berteriak ~ hatinya; dia bekerja dgn ~ tenaganya;*

berkuat berkeras hati dan bersungguh-sungguh, bertekun (bekerja, berusaha, dsb), bertahan (menghadapi atau menanggung kesulitan, dll): *ibunyalah yg ~ benar menyuruh ia pergi; tiap hari dia ~ utk mencapai cita-citanya; ~ tulang bekerja bersungguh-sungguh;*

berkuat-kuatan beradu tenaga, berlawan kekuatan: *marilah kita ~ mengangkat batu ini, barang siapa tiada terangkat alahlah ia;*

menguati melakukan dgn kekerasan, bertindak keras kpd, memaksa:
dikuati sahaja kalau tidak mahu menurut;

menguatkan **1.** menjadikan kuat (tegap, kukuh, dll): ~ *badan*; ~ *ikatan*; ~ *pelukan*; **2.** meneguhkan (kepercayaan, sangkaan, pendapat, dll): *kata-katanya tadi ~ kepercayaan Aini tentang kejujurannya*; ~ *hati*; ~ *iman*; ~ *semangat*; **3.** mengeraskan atau menghebatkan (bunyi, tekanan, dll): *dlm suasana yg riuh-rendah itu ia terpaksa ~ suaranya*;

memperkuat menjadikan lebih kuat, memperkukuh, memperteguh, mempererat: *kerajaan telah menerima bantuan utk ~ angkatan bersenjata Malaysia*; ~ *keazaman utk mengambil peranan dlm pembentukan masyarakat baru*;

kekuatan **1.** tenaga, daya: *makanan spt gula dan lemak menambah ~ badan*; **2.** kekuasaan, keteguhan, kekukuhan: ~ *musuh tidak dapat diduga*; ~ *batin (hati)* kekuatan yg terdapat dlm batin manusia, kekuatan yg bukannya bersifat keduniaan (kebendaan); ~ *iman* keteguhan iman;

penguatan perihal (perbuatan, usaha) menguati atau menguatkan;

penguat sesuatu yg menguatkan.

kuat II; *kayu ~ = kuat-kuat* sj tumbuhan (pokok), (asam) riang-riang, kayu bangka, keriang, sesudu paya, yang-yang, *Archytaea vahlii*.

kuat kuasa **1.** perihal mulai berlakunya (peraturan, undang-undang, dll), taraf (kedudukan) sbg sesuatu yg sah: *larangan ini berjalan ~-nya mulai esok*; *undang-undang itu mestilah diluluskan oleh Parlimen sebelum berjalan ~nya*; **2.** kuasa atau hak atas sesuatu atau utk melakukan (memerintah, mengurus, dll) sesuatu; **3.** kekuatan,

kemampuan, daya (utk melakukan sesuatu): *bahawasanya tiadalah bagiku ~ dan daya upaya melainkan drpd Allah;*

berkuat kuasa mempunyai kuat kuasa, mulai menjadi sah atau berlaku: *mahkamah pun pd tiap-tiap hari memutuskan hukuman yg ~ spt undang-undang juga;*

menguatkuasakan menjadikan (undang-undang dll) berkuat kuasa, melaksanakan (undang-undang, peraturan, dll): *negeri itu ~ undang-undang melarang menuba ikan; perintah berkurung dikuatkuasakan dr pukul 8 malam hingga pukul 5 pagi;*

penguatkuasaan perihal (perbuatan, tindakan, dsb) menguatkuasakan: *bagaimanapun, kita boleh menyekat amalan-amalan negatif ini sama ada melalui ~ undang-undang atau program-program moral yg kini giat diamalkan;*

penguat kuasa orang (pihak, badan, dsb) yg menguatkuasakan (undang-undang, dasar, dsb).

kuau sj burung; *bagai ~ mengigal* prb perihal kehebatan (keindahan) rupa seseorang; □ □ □ **kuang I.**

kuaver (Muz) not yg mempunyai nilai masa setengah drpd krocet.

kuaya Jw empedu.

kuayah; *akar ~ a) sj tumbuhan (pokok renek), akar membur, akar nyamuk, akar tulang daing, akar tupai-tupai, tangisan burung, Connarus semidecandrus; b) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar berumat, akar pialu, akar tulang daing bukit, jendereh, jenderus burung, Derris thyrsiflora; c) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar koyah, akar pua, Whitfordiodendron erianthum.*

kubah I Br kubur orang kenamaan, makam.

kubah II Ar 1. bahagian bumbung yg berbentuk separa bulat, terutamanya yg terdapat pd bangunan masjid: *maka dikuburkanlah oleh paduka adindanya Raja Haji Ahmad di dlm kotanya, diperbuatnya satu ~*; 2. ark lengkung (relung, ceruk) di dinding atau tembok dlm masjid dll; 3. Id bahagian kapal terbang atau lori yg tinggi dan berbentuk setengah bulatan (tempat senjata dll);

berkubah beratap (berbumbung) lengkung, memakai kubah.

kubal I □ □ □ **gubal I.**

kubal II; *ikan ~ sj ikan laut, Polynemus indicus (tetradactylus).*

kubal III Br sj makanan kering yg diperbuat drpd sagu.

kubang I = **kubangan** lopak atau lubang di tanah yg berisi air dan lumpur (tempat kerbau berendam); *asalnya dr kubangan ki (orang yg) terlalu hina;*

air lalu, kubangan tohor prb upah atau wang

yg diterima habis dibelanja (utk membayar hutang); besar berudu di kubangan, besar buaya di lautan prb tiap-tiap orang mulia dan berkuasa di tempatnya masing-masing; tiada kubangan yg tiada berkodok prb tiada negeri yg tidak ada keburukannya;

berkubang 1. berendam atau bergolek dlm air yg berlumpur (bkn kerbau, babi, dll): *pergi juga ia bermain-main dlm lumpur dan ~ dlm sungai itu dgn sukanya*; 2. ki bersarang, bertempat: *dadanya tempat iblis ~*; 3. berlumpur, bergelumang dgn lumpur.

kubang II; **berkubang** K1 bersepah-sepah (sampah, kain baju, dll).

kubang III sj tumbuhan (pokok), kubin, mengkubung, selaru, sepedas, telinga gajah, *Macaranga gigantea.*

kubarasa sifat bertindak balas apabila dirangsang (bkn hidupan).

kubat □ □ □ **kubah II.**

kubik I mengopek, mengupas (dgn kuku dll): ~ buah.

kubik II ganda tiga, ukuran padu (panjang \square lebar \square tinggi); *bilangan* ~ ark bilangan atau jumlah hasil dr angka berganda tiga (mis 27 sbg hasil 3^3).

kubikel ruang kecil yg bersekat, biasanya digunakan sbg tempat mandi, menyalin pakaian dsb.

kubin I sj cicak yg boleh melayang, *Draco volans*.

kubin II sj tumbuhan (pokok), kubang, mengkubung, selaru, sepedas, telinga gajah, *Macaranga gigantea*.

kubis sj sayur, *Brassica spp.*

kubisme (S.Lukis) gaya seni lukis moden separa abstrak yg menggambarkan sesuatu objek dlm bentuk geometri tertentu.

kubit; sekubit secubit, sangat sedikit;

mengubit 1. mencubit; **2.** menggamit, memanggil dgn jari.

kuboid (Mat) bongkah geometri yg enam permukaannya berbentuk segi empat bujur.

kubra Jk **1.** gagal, tidak berhasil, bantut, tidak jadi; **2.** tidak selesai (bicara, perkara, dll); **3.** bubar (perkumpulan dll);

menguburkan 1. menggagalkan, membatalkan; **2.** membiarkan tidak selesai (bicara, perkara, dll); **3.** membubarkan (perkumpulan dll).

Kubti 1. mazhab Kristian di Mesir pd masa dahulukala; **2.** = *bahasa* ~ bahasa yg digunakan dlm upacara agama mazhab Kubti.

kubu I 1. sj pagar drpd kayu dan tanah utk menahan serbuan (serangan dll): *murkalah ia lalu bertitah menyuruh kerahkan segala isi negeri cacakkan ~, aturkan meriam*; **2.** tempat pertahanan (yg diperkukuh dgn pagar atau benteng, kelengkapan alat senjata, dll), tempat

pertahanan sementara (berupa benteng dll): *Kampung Mersing Kanan benar-benar menjadi ~ Wan Derus*; **3.** tempat yg berpagar kuat utk menangkap gajah;

berkubu 1. bertahan dlm kubu: *tentera Islam ~ di bandar Madinah mempertahankan serangan orang-orang Quraisy*; **2.** ada kubunya, diperkukuh dgn kubu: *barisan pertahanan yg ~; ~ gajah menangkap gajah dgn menghalaunya masuk ke dlm kubu*;

berkubukan menjadikan (menggunakan) sesuatu sbg kubu: *jika kita ~ batang pisang alangkah baiknya*;

mengubui membuat kubu pd, memperkukuh (sesuatu) dgn kubu;

terkubu terperangkap di dlm kubu (bkn gajah): *barang maklum kiranya Shah Alam, kerana gajah sudahlah ~*;

perkubuan benteng-benteng utk pertahanan: *pengawalnya memberitahu bahawa musuh telah sampai ke kawasan ~ mereka*.

kubu II; *rotan ~ sj tumbuhan (akar memanjat), Treycinetia javanica*.

Kubu III; *orang ~ puak atau suku bangsa yg tinggal di hutan-hutan Jambi dan Palembang*.

kubung I; *burung ~ sj burung, burung lah, burung pacat, Pitta brachyura cyanoptera; ~ padi, Niltava grandis*.

kubung II sj binatang yg boleh melayang, kandau, *Cyanocephalus variegatus*; *cicak ~ kubin*.

kubung III; *susu ~ bisul di bawah ketiak*.

kubur I 1. tempat menanam mayat, makam; *ahli ~ orang-orang yg sudah meninggal dunia; batu ~ nisan; bunga (pokok) ~ bunga (pokok) yg biasanya ditanam di perkuburan (bunga atau pokok kemboja)*; **2.** = *lubang (liang) ~ lubang (liang) di tanah tempat menanam mayat: ~*

digali di tempat itu juga dan orang salah duduk di tepi lubang ~; sampai ke lubang (liang) ~ sampai mati;

berkubur 1. ditanam (mayat), dikebumikan: *di situ tempat ~ pahlawan-pahlawan yg gugur; pd masa peperangan banyak yg mati tidak ~; 2.* ki mati (dan dikebumikan): *negeri itu sudah menjadi tanah airnya dan di situlah ia akan ~; 3.* ki hapus, hilang, tidak dapat diamalkan lagi atau diteruskan: *sistem pimpinan cara warisan telah ~ dan munculnya demokrasi;*

menguburkan 1. menanam mayat, mengebumikan, memakamkan;
2. ki menghilangkan atau menghapuskan, melenyapkan;

terkubur 1. dikuburkan, dikebumikan: *setelah ~ jenazah Bendahara itu, maka Baginda pun pulang ke istananya; 2.* ki hilang, hapus, lenyap: *beliau terharu dan kesal kerana banyaknya akhbar tempatan yg ~ begitu sahaja;*

kuburan tanah tempat menguburkan mayat, makam;

perkuburan tanah lapang atau kawasan tempat menguburkan orang-orang yg telah mati, permakaman: *jenazahnya diusung ke ~;*

penguburan perihal menguburkan mayat.

kubur II; *burung ~* sj burung, burung malas, burung segan, burung tukang, *Caprimulgus macrurus bimaculatas;* *burung ~ rimba* sj burung, burung gua, burung siput, gagak gunung, tiung belacam, *Myophoneus flavirostris dicrorhyncus.*

kubus (Mat) bongkah yg mempunyai enam permukaan, yg setiap satunya berbentuk segi empat sama.

kucah Kl; **berkucah** bergelombang (air, laut), berkocak.

kucai I sj tumbuhan (bebawang yg dijadikan sayuran), *Allium odorum.*

kucai II Mn; **mengucaai** memencil, menyisih (terasing) dr yg lain;

terkucai tercerai, terpisah (tersisih) drpd yg lain; □ □ □ **kucil**.

kucai III Pn, Kd kacau, ganggu.

kucam Jw pucat, muram, suram.

kucandan Mn gurau senda, kecindan.

kucar; ~-bara (*lemban*) Kl kucar-kacir.

kucar-kacir (keadaan) tidak teratur atau tidak berketentuan, kacau-bilau, kelam-kabut: *ketenteraman rumah tangga menjadi ~ kerana perselisihan faham antara suami isteri; pentadbiran negeri itu ~ ; sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW, masyarakat Arab jahiliah berada dlm ~;*

mengucar-ngacirkan menjadikan kucar-kacir;

kekucar-kaciran keadaan kucar-kacir: *hidup dlm ~.*

kucek Jk; **mengucek, mengucek-ngucek** **1.** menggosok-gosok mata dgn tangan; **2.** menggosok-gosok cucian dgn tangan.

kucel Jk kumal, renyuk, ronyok.

kucil; **mengucil** **1.** keluar dr lubang (sesuatu yg dipicit); **2.** menyisih dr yg lain, memencil;

mengucilkan **1.** membiarkan (memberi) keluar dr lubang (sesuatu yg dipicit); **2.** memecat atau mengeluarkan dr golongan (keluarga, persatuan, dll);

terkucil **1.** terkeluar dr lubang dll, tergelincir dr tempatnya; **2.** dipecat atau dikeluarkan dr golongan (keluarga, persatuan dll);

pengucilan perihal (perbuatan, tindakan dsb) mengasingkan atau menyingkirkan (seseorang) drpd kelompok atau komuniti tertentu, penyingkiran, pengusiran: *dia berasa begitu terasing sejak ~nya drpd masyarakat umum.*

kucindan Mn gurau senda, kecindan.

kucing I sj binatang yg kecil, berbulu lembut dan tebal, dipelihara sbg binatang kesayangan, biasanya utk menangkap tikus, *Felis catus* (*F. domesticus*); ~ *belanda* sj binatang mengerip (mengunggis), arnab, kelinci; ~ *batu* sj kucing liar, *Felis bengalensis*; ~ *emas* = ~ *tulap*, *Felis temminckii*; ~ *hutan* sj kucing liar, *Felis planiceps*; ~ *jalang* kucing yg terbiar (tidak dipelihara); ~ *kerung* Kl a) kucing yg kuat (keras) bunyinya; b) ki orang yg berani dan ganas; ~ *kurap* ki orang yg dipandang hina; ~ *negeri* kucing yg dipelihara orang; ~ *pekak (tuli)* sj perangkap tikus;

(*menantikan*) ~ *bertanduk* prb menantikan perkara yg tidak mungkin berlaku; ~ *lalu, tikus tiada berdecit lagi* prb apabila orang yg ditakuti datang maka diamlah mereka yg bisings; ~ *melompat, orang terkejut drpd tidurnya, ayam berkokok hari pun siang* prb kesusahan dan kesukaan orang yg terasa sampai kpd kita; *anak ~ menjadi harimau* prb perihal anak orang miskin menjadi kaya atau anak rakyat menjadi orang besar atau anak orang bodoh menjadi pandai; *bagai ~ dgn panggang* prb dikatakan kpd laki-laki dan perempuan yg selalu berdekatan serta lambat-laun terjadi juga perkara yg sumbang; *bagai ~ dibawakan lidi* prb terlalu (amat) ketakutan; *bagai ~ kehilangan anak* prb perihal orang yg hilang akal atau kebingungan; *bagai ~ lepas senja* prb a) susah (sukar) hendak dicari; b) merasa lapang (senang); *bagai ~ main daun* perihal kehebatan rupa dll seseorang (pahlawan); *bagai ~ menjemput api* prb yg diusahakan tidak berhasil sedangkan alat dlm pengusahaan itu hilang pula; *bagai ~ takut akan balur* prb laki-laki yg takut atau malu kpd perempuan; *bagai ~ tidur di bantal* prb perihal kehidupan yg senang dan mewah; *bagai mengail ~ hanyut* prb perbuatan yg sia-sia;

berburu ~ di dapur prb perihal anak muda dan gadis yg tinggal serumah dan membuat perhubungan haram; *biar pun ~ naik haji, pulangnya mengeong juga* prb pembawaan atau tabiat seseorang tidak dapat diubah; *duduk spt ~, melompat spt harimau* prb perihal orang yg pendiam tetapi cepat dan tangkas membuat sesuatu; *kalau ~ tidak bermisai, takkan ditakuti tikus lagi* prb orang besar yg hilang martabatnya (pangkatnya) tidak disegani orang lagi; *membeli ~ dlm karung* prb membeli sesuatu dgn tidak melihatnya; *memukul ~ di dapur* prb menganiaya sanak saudara atau orang yg karib dgn kita; *mengadu ~ dgn babi* prb bermain ceki; *spt ~ berakkan rambut* prb keluh-kesah kerana kesakitan atau gelisah kerana sesuatu kesusahan; *spt ~ biang* prb berkeluh-kesah; *spt ~ di atas tampuk* prb perihal orang yg mempunyai dua tugas dan tiada tahu yg mana harus diberikan perhatian; *spt anjing dgn ~* prb selalu berkelahi (bergaduh); *terkejar-kejar bagai ~ jatuh anak* prb tergopoh-gopoh (tergesa-gesa) kerana sesuatu kesusahan;

kucing-kucing, kucing-kucingan otot di lengan atau di kaki;

berkucing-kucing 1. sj permainan kanak-kanak; 2. ki berlaku sumbang (laki-laki dan perempuan).

kucing II 1. sj ikan laut, kasa janggut, *Setipinna (Engraulis) melanocir*; 2. sj ikan laut, biang-biang, kasai janggut, *Setipinna (Engraulis) taty*.

kucing III; *akar ~* sj tumbuhan, *Toddalia acuclata*; *ekor ~ a) = buntut ~* sj tumbuhan (herba), *Acalypha hispida*; b) sj tumbuhan (herba), awi tanah, ketumpang, buntut ucing, *Dysophylla auricularia*; c) = *buntut ~* sj tumbuhan (herba) kacang kayu, kududung padang, pematil ulat, serengan hutan, *Uraria crinita*; d) sj tumbuhan (herba), angkup

merah, bayam pasir, bayam rusa, penjarang ayam, *Cyathula prostrata*;

kucing-kucing; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok renek) cemperai, cipreh, cimpri, *Champereia griffithii*; *rumpu* ~ sj tumbuhan (herba), ruku hutan, rumput talan, tasik-tasik, timba tasik, *Adenosma capitatum*.

kucir secekak rambut yg dibiarkan tumbuh di kepala yg gondol, kuncit.

kuco ark ketua kampung (pd zaman pemerintahan Jepun).

kucung Mn; □ □ □ **kocong**.

kucup I; **berkucupan** (saling) berciuman (dgn melekatkan bibir);

berkucup bercium (dgn melekatkan bibir): *nampaknya anak-anak muda kita semakin berani ~ di khalayak ramai*;

mengucup mencium dgn melekatkan bibir pd bibir atau pd sesuatu: *ia ~ dahi anak itu*.

kucup II Mn; **mengucupkan** menguncupkan; □ □ □ **kuncup I**.

kucur Jk; **berkucur**, **mengucur** bercucuran, mengalir turun (air mata dll);

mengucuri mendirus, menyiram(i);

mengucurkan mencucurkan (air mata dll);

kucuran cucuran (air mata dll).

kuda I 1. sj binatang besar berkaki empat yg dipelihara utk kenaikan (pengangkutan dll), *Equus caballus*; **2.** = *daya* (*kuasa*, *kekuatan*) ~ ukuran kekuatan enjin atau motor (kekuatan utk mengangkat berat 550 paun setinggi satu kaki dlm satu saat); **3.** sj buah catur; ~ *air tapir*, *tenuk*; ~ *beban* kuda utk membawa (mengangkut) barang-barang; ~ *belang* (*loreng*) sj kuda yg berbelang-belang (berjalur-jalur) seluruh tubuhnya, *Equus burcelli*; ~ *beraksa* kuda semberani; ~ *bibit* kuda jantan utk penternakan (pembiakan); ~

karengga kuda yg bulunya kemerah-merahan atau kekuning-kuningan; ~ *kayu* ki orang yg bodoh (boleh dipermain-mainkan); ~ *kenderaan (tunggang)* kuda kenaikan, kuda utk ditunggang; ~ *kepeng* persembahan kuda-kudaan (dibuat drpd bilah buluh tipis) yg berpenunggang dan mempunyai unsur magis; ~ *(-kuda) laut* sj ikan laut yg kepalanya menyerupai kuda, unduk-unduk, *Hippocampus spp.*; ~ *liar* kuda yg belum jinak; ~ *lumba (pacu)* kuda utk berlumba; ~ *lumping* kuda tiruan atau buatan utk permainan (dibuat drpd kulit atau buluh); ~ *padi* kuda kecil; ~ *semberani* kuda yg boleh terbang (dlm cerita-cerita dongeng); ~ *teji* = ~ *tezi* kuda yg cepat larinya; *naik ~ hijau* mabuk;

anak ~ bulu kasap prb perihal anak muda yg riang gembira; *asalnya ~ itu ~ juga dan keldai itu keldai juga* prb tiap-tiap sesuatu itu menurut asalnya; *bak rasa ~ pula kukuran* prb perihal orang miskin yg berlagak spt orang kaya; *spt ~ lepas dr pingitan* prb terlalu gembira (sebab lepas dr kurungan atau pembelengguan);

kuda-kudaan sj alat permainan kanak-kanak yg menyerupai kuda dan ditunggang;

berkuda **1.** mempunyai kuda; **2.** = **menguda** ark menaiki (mengenderai) kuda; *pasukan ~*;

memperkuda, memperkuda-kuda **1.** membuat (menjadikan) sesuatu sbg kuda; **2.** memperbodoh-bodohkan, memperlakukan sbg budak suruhan: *asal disanjung-sanjung bolehlah diperkuda hatta disuruh membuat apa kerja pun; Ali ~ wakil rakyat dan imam-imam kampung*;

perkudaan **1.** tempat menternak (memelihara) kuda; **2.** kandang kuda.

kuda II; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), kedondong, *Lannea grandis*.

kudai I 1. sj bakul atau kembang drpd mengkuang (rotan dll); **2.** sj tempat sirih bulat dibuat drpd perak dll.

kudai II mawas betina.

kuda-kuda 1. penyangga (penopang) papan hitam yg berkaki tiga; **2.** kayu penyangga tulang bumbung rumah; **3.** kayu palang utk menyangga (kayu yg akan ditarah dll); **4.** bahagian senapang atau pistol yg meledakkan peluru; **5.** (Muz) penyangga pd alat bunyi-bunyian (spt biola dll) utk meregangkan tali; **6.** kuda-kudaan; **7.** (dlm seni mempertahankan diri) sikap siaga dgn kedudukan tubuh dan kaki yg bersedia menerima serangan.

kudal Kd sangat kotor, sempudal.

kudam godam.

kudangan Jk permintaan orang perempuan yg harus dipenuhi oleh laki-laki yg akan mengahwininya.

kudap = **kudap-kudap** = **kudapan 1.** makanan ringan spt keropok yg dimakan di luar waktu makan; **2.** makanan ringan spt minuman kopi dan kuih-muih yg dimakan sekadar mengalaskan perut dlm sesuatu majlis antara waktu minum pagi dan tengah hari atau pd waktu minum petang atau selepas makan malam;

mengudap memakan kuih yg dibeli di luar waktu makan;

pengudap orang yg suka mengudap.

kudeta (kudéta) rampasan (perampasan) kuasa utk memerintah secara ganas atau tidak sah.

kudi Jk sj parang.

kudian Mn kemudian, (ter)akhir, belakang: *mereka yg datang ~ tidak mendapat tempat*;

mengudian berjalan (menyertai) di belakang, ikut (turut) di belakang: *dia tak pernah datang bersama mereka melainkan ~ saja;*

mengudiankan 1. mengemudiakan, membelakangkan, meletakkan di belakang: *orang yg datang lambat dikudiankan;* **2.** menangguhkan (menunda) pekerjaan;

terkudian terkemudian, yg di belakang sekali, yg terakhir.

kudidi sj burung; □ □ □ **kedidi.**

kudil kudis.

kudis 1. sj penyakit kulit yg gatal dan berjangkit; ~ *anjing* = ~ *api* kudis yg besar; ~ *buta* kudis yg kecil-kecil di merata badan; **2.** ki sesuatu yg mencelakakan, sesuatu yg mendatangkan keburukan;

~ *menjadi tokak* prb perkara kecil menjadi besar (kerana dibiarkan);
mengubik kepala ~ *orang* prb membuka rahsia orang;

berkudis, kudisan mendapat (menderita) penyakit kudis;

mengudis menjadi kudis: *luka itu ~ sebab dibiarkan.*

kudrat Ar 1. kuasa (Allah); ~ *Ilahi*; ~ (*dan*) *iradat Tuhan* kuasa dan kehendak Tuhan; **2.** kuasa, tenaga, kekuatan: *semakin lama semakin lemah* ~ *saya hendak mengawal keinginan saya itu*; ~ *alam* a) kekuatan alam; b) hukum alam, hukum-hukum (kaedah-kaedah) yg menentukan sesuatu kejadian alam; **3.** sifat atau tabiat semula jadi, pembawaan.

kudrati Ar 1. yg amat berkuasa, maha kuasa; **2.** sl murni, tulen, jati; *mas* ~ *mas tulen.*

kudsi Ar suci, maha suci; *hadis* ~ hadis yg diilhamkan oleh Tuhan.

kudu I patung yg diarak pd tabut.

kudu II cat merah drpd akar mengkudu yg digunakan utk mewarnai kain.

kudu III Jw mesti, harus, tidak boleh tidak.

kudu IV Jw ark kuntum bunga, kudup (bunga).

kudu V sj tumbuhan (herba), akar kutu babi, daun balam, orang-arang merah, pokok kedudu paya, ubai itik, *Pouzolzia zeylanica (indica)*.

kudu VI Kl, Tr kuyu, nampak spt mengantuk (bkn mata).

kuduk Mn tengkuk.

kudung I terkerat atau terpenggal (kaki, tangan, jari, dll), terpotong pd hujungnya: *kedua-dua belah kaki pengemis itu ~; bagai si ~ mendapat cincin prb beroleh untung tetapi tidak dapat merasai nikmatnya;*

sekudung sekerat, sepenggal, sepotong; ~ *limbat*, ~ *lintah* prb goyang atau tidak teguh pendiriannya;

mengudungkan mengerat (memotong) hujung sesuatu (spt jari, tangan, kaki, dll): *berperanglah tetapi jangan ~ anggota badan.*

kudung II = kekudung, kudungan Jk kain penutup kepala, kelubung, tudung;

berkudung berselubung, berkelubung;

mengudungkan menyelubungkan, menutupkan (kepala).

kudup kuntum (bunga), kudu, kuncup (bunga).

kudus Ar tidak bercela, suci, bersih, murni: *dia yg berhati ~; roh al-~ = ruhulkudus* roh suci (Jibrail dlm ajaran Islam);

menguduskan menyucikan, membersihkan (batin, hati, dll): *moga-moga Allah ~ roh-roh mereka;*

kekudusan kesucian, kebersihan (hati, batin, dll): *dia akan jadi peruntuh pula, akan meruntuhkan kemanusiaan dan ~ manusia seluruhnya.*

kudut Br pinggan.

kuek (kuék) bunyi spt bunyi itik;

berkuek berbunyi kuek: *tiada seekor pun itik yg ~;*

berkuek-kuek berkuek berulang kali: *itik-itik itu ~ di tepi kolam;*

mengkuek mengeluarkan bunyi kuek, berkuek.

kuetiau (kuétiau) C sj makanan dibuat drpd tepung beras (dimasak atau digoreng spt mi).

kufu Ar kesamaan taraf (martabat, pangkat dll);

sekufu setaraf, sederajat, sama martabatnya: *saya orang yg tiada berbangsa dan tiada ~ dgn tuan;*

kufuan; *sama ~ sama tinggi darjat keturunannya, sama-sama berketurunan bangsawan.*

kufur Ar **1.** tidak percaya atau tidak beriman kpd Allah dan rasul-Nya, kafir: *ada antara umat Islam yg ragu-ragu tentang kerasulan Nabi Muhammad dan kembali ~; ilmu ~ ilmu yg menafikan wujudnya Allah; **2.** ingkar terhadap suruhan dan larangan Allah: *orang yg meninggalkan sembahyang dgn sengaja adalah ~; **3.** = ~ nikmat tidak bersyukur kpd nikmat Allah: *utk menguji sama ada mereka bersyukur atau ~ terhadap segala nikmat Allah;***

mengkufuri **1.** tidak percaya kpd Tuhan: *kami akan dianggap ~ Allah andainya kami kembali kafir; **2.** tidak bersyukur kpd (nikmat Allah): *ini bermakna, mereka ~ nikmat Allah;**

mengkufurkan **1.** memandang sbg kufur, menganggap kufur; **2.** ark mengeluarkan (mengucilkan) dr golongan yg beragama;

kekufuran keadaan kufur: *dia berusaha utk mengelakkan umat Islam drpd ~.*

kugah sj tumbuhan (pokok renek), *Excoecaria quadrangularis.*

kugar sj binatang liar yg termasuk dlm famili kucing, rupanya seakan-akan singa, berbulu coklat kekelabu-kelabuan dan berekor panjang,

biasanya terdapat di kawasan pergunungan Amerika Utara dan Selatan, puma, *Felis concolor*.

kugiran kumpulan gitar rancak, pancaragam moden yg popular.

kui I sj kualiti kecil tempat melebur emas.

kui II MI tong atau bekas utk menyimpan beras.

kuih penganan, juadah; ~ *basah* kuih yg lembap atau yg mengandungi air (spt kuih bingka, kuih talam, dll); ~ *kering* kuih yg dibakar (spt biskut-biskut, kuih bangkit, kuih sepit dll); ~-*muih* bermacam-macam jenis kuih;

kuih-kuih kuih-muih.

kuil rumah berhala, tempat memuja dewa-dewa.

kuilt gebar atau tutup tilam yg dibuat drpd isian lembut (spt span) yg dijahit di antara dua lapisan kain (biasanya digunakan di negara berhawa sejuk).

kuilu ark arnab, kelinci.

kuing I ketua kampung, penghulu.

kuing II; *minyak* ~ minyak yg dikeluarkan oleh sj pokok.

kuing III bunyi dengking anjing;

berkuing-kuing mendengking-dengking (bkn anjing).

kuini sj mangga yg harum baunya dan halus dagingnya (isinya), embacang, *Mangifera odorata*.

kuinin sj tumbuhan (pokok yg kulitnya digunakan utk membuat ubat penyakit malaria), *Cinchona spp.*.

kuinina (Kim) sj sebatian yg pahit rasanya dan diperolehi drpd kulit sj pokok *Cinchona spp.* (digunakan utk membuat ubat penyakit malaria)

kuintal ukuran berat yg bersamaan dgn 100kg.

kuintet (kuintét) (Muz) **1.** gubahan muzik utk lima orang penyanyi atau lima alat muzik; **2.** sekumpulan lima orang yg bermain alat muzik atau yg menyanyi bersama-sama.

kuir Mn sj alat pertanian utk membersihkan tanaman (dr rumput, semak-semak, dll).

kuis; menguis **1.** menolak (menepis, menyepak) ke tepi: *tangannya menguis-nguis padi basah di atas tikar jemurnya; dikuisnya sampah itu dgn kakinya*; **2.** mengais (spt ayam);

menguis-nguis menguis beberapa kali atau berulang kali: *tangannya ~ padi basah di atas tikar jemurnya*;

kuisan hasil menguis: *dia cuba menguis dgn tangannya tetapi itu tidak membesarkan lubang tersebut*;

penguis orang yg menguis sesuatu, spt bola dsb.

kuit = ~ *gamit* gerak-gerak jari (utk memberi isyarat, memanggil dll); ~ *kapai* a) mencakar-cakar (sampah dll); b) membuat pekerjaan yg kecil-kecil (yg tidak penting);

menguit **1.** menyentuh dan menggerakkan sesuatu dgn jari dll, mencuit: *anak rambutnya dikuitnya sedikit*; **2.** bergerak (bkn sesuatu benda, ekor binatang, dll): *ekornya ~ apabila disentuh*; **3.** Kd bergerak utk melakukan sesuatu kerja;

menguit-nguit menguit beberapa kali, bergerak-gerak (bkn ekor dll);

menguitkan menggerak-gerakkan jari (tangan dll): *dia memanggil aku dgn ~ tangannya*;

kuitan hasil perbuatan menguit.

kuitansi IB surat tanda sudah menerima (wang), resit: *kalau tidak dibayarinya wang itu koyakkan saja ~ ini*.

kuiz 1. ujian tentang pengetahuan seseorang dgn mengemukakan soalan-soalan utk dijawab; **2.** pertandingan (permainan) utk menguji pengetahuan seseorang, duga akal.

kuja□□□**koja.**

kujarat Mn sj bunga (kerap digunakan dlm pantun).

kujau□□□**koja.**

kujur I; sekujur seluruh, segenap, semua bahagian; ~ *badan; kuyu matanya, sedangkan ~ tubuhnya berasa lesu.*

kujur II sj tombak (lembing) utk menangkap ikan (dgn menikamnya).

kujut; *tempat* ~ tempat orang digantung;

berkujut 1. menggantung diri; **2.** terikat (kerana telah melakukan kesalahan), terlibat, tersangkut dlm perkara dll: *semuanya berkujut-kujut dlm perkara itu;*

mengujut mencerut leher, mencekik leher dgn tali dll: *hukuman orang Melayu di zaman dahulu utk kesalahan itu ialah disalang atau disula dan dikujut kalau kesalahan itu besar.*

kuk kayu yg bengkok di tengah, dikenakan pd tengkuk lembu atau kerbau (utk menarik kereta atau bajak).

kukabura sj burung raja udang yg terdapat di Australia, *Dacelo spp.;* ~ *kepak biru, Dacelo leachii.*

kukai sj ikan.

kukang sj kera, kongkang.

kukri sj pisau melengkung yg melebar di hujung, terutamanya digunakan oleh Gurkha.

kuku I 1. selaput atau bahagian keras yg tumbuh pd hujung jari manusia, benda keras yg menganjur yg tumbuh pd hujung kaki binatang (ada yg besar dan ada yg panjang dan tajam): *menggaru dgn ~; ~ kuda; ~*

kucing; *bunga* ~ bahagian pangkal kuku yg keputih-putihan; *daging (isi)* ~ bahagian tengah kuku yg melekat pd isi jari; *sehujung* ~ ki sangat sedikit; **2.** bermacam-macam alat atau bahagian alat yg rupanya atau gunanya sama spt kuku manusia atau kuku binatang; ~ *bajang* hujung bajang; ~ *besi* ki (yg) berdasarkan atau cenderung menggunakan kekerasan (kekejaman, paksaan); ~ *betul* bahagian kuku yg melekat pd hujung kulit; ~ *kambing* a) kuku pd hujung kaki kambing; b) sj alat utk menanam anak padi (di tanah lembut); ~ *sauh* pengait (cangkuk) pd sauh; *bagai* ~ dgn *isi (daging)* prb sangat erat (karib) perhubungan atau persahabatan (tidak berenggang atau bercerai); (*harimau*) *memperlihatkan ~nya* prb (seseorang) menunjukkan kuasanya; *kalau dibalun sebalun ~, kalau digumpal segumpal tanah* prb alam rohani yg tidak terbatas tetapi dapat dikecilkan sekecil-kecilnya; **sekuku** = ~ *hitam* sangat sedikit, *sehujung kuku: dirasanya perjuangannya sia-sia dan tidak berfaedah ~ pun*; **berkuku 1.** mempunyai kuku; *harimau ~ tajam*; ~ *belah* berbelah dua kukunya (spt lembu, kerbau, dll); ~ *satu (tunggal)* mempunyai satu kuku (bkn kuda dll); **2.** ki berkuasa, berkukuh: *tentera Jepun telah ~ hampir empat tahun di Semenanjung Tanah Melayu*; *tidak ~ ki* tidak berkuasa (berpengaruh); ~ *besi* ki bersikap (bersifat, berlaku) kejam atau terlalu keras (terhadap rakyat dll); *belum ~ hendak menggaruk (mencubit)* = *belum bergigi sudah hendak menggigit* prb belum berkuasa sudah hendak menegur-negur (memerintah dll) orang; *diberi ~ hendak mencengkam* prb diberi kuasa sedikit sudah hendak menindas (menganiaya) orang.

kuku II; ~ *gerda* sj tumbuhan (pokok renek), pokok teh, siku keluang, *Nothopanax fruiticosum*; ~ *lang a*) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar selembah, belalai gajah, kait-kait hitam besar, kait-kait jantan, *Uncaria sclerophylla*; b) = *akar ~ balam* = *akar ~ lipan* sj tumbuhan (pokok menjalar), daun kait-kait, duri sakah, *Zizyphus venoplia*; c) sj tumbuhan (pokok memanjat), kayu sekatur, *Zanthoxylum hirtellum*; ~ *lang laut* sj tumbuhan (pokok), *Aegliceras corniculatum*; ~ *lang paya* sj tumbuhan (pokok memanjat), pekan betina (hutan, jantan), *Jasminum bifarium*; ~ *lang rimba* sj tumbuhan (pokok menjalar), akar kait-kait, akar onak, damai-damai, jambu kelawar, *Zizyphus calopyhlla*; *akar ~ lang* sj tumbuhan (pokok memanjat), darah belut, gorek, kelici rimba, kulang, maticang, mentiung, tampu rengat, *Mezoneuron sumatranum*; *rumpun ~* sj tumbuhan (pokok renek), nilau bukit, *Pogostemon heyneanus*.

kuku III; *ikan ~* sj ikan laut, *Acanthopagrus berda*.

kuku IV sj siput.

kukuh I 1. kuat dan tegap buaatannya atau binaannya (bkn bangunan, empangan, dll), tahan (tidak mudah runtuh, binasa, rusak, dll): *utk meruntuhkan kota yg besar dan ~ itu, terpaksa digunakan bahan letupan; cat ini merupakan satu lapisan pelindung yg ~ utk menahan besi itu drpd berkarat*; 2. teguh (pendirian dll), tidak mudah berubah atau berganjak (pendirian dll), cekal (hati): *Baba masih ~ dgn pendiriannya tidak mahu bertolak ansur*; 3. tidak mudah turun naik (bkn ekonomi, kewangan, harga dsb), kuat, teguh, stabil: *ekonomi negara kita masih ~ walaupun sedang dilanda oleh kemelesetan ekonomi dunia; harga pasaran minyak kelapa sawit diramalkan terus ~ pd beberapa tahun akan datang*;

berkukuh 1. bertahan (pd kedudukan dll), menetap, memperkuat kedudukan dll: *mereka tidak mahu melihat kaum kapitalis dan imperialis ~ di negara mereka*; 2. berpegang teguh pd pendirian (janji dll), berteguh hati; ~ *kata* berjanji sungguh-sungguh (tidak akan mungkir);

mengukuh menjadi kukuh (teguh, stabil dsb): *ekonomi negara itu didapati semakin ~*;

mengukuhi 1. memegang (mempertahankan) sungguh-sungguh: ~ *pendirian lamanya*; 2. meneguhkan dgn: *rangka gedung itu dibuat drpd simen yg dikukuhi dgn besi*;

mengukuhkan menjadikan kukuh (pertahanan, kedudukan, ekonomi, dll), meneguhkan (pendirian, perhubungan, dll): *kerajaan telah berusaha ~ pertahanan negeri sbg langkah bersiap sedia menghadapi ancaman musuh; pertandingan membaca Quran merupakan suatu usaha ~ tali persaudaraan sesama kita umat Islam*;

memperkukuh menjadikan lebih kukuh;

kekukuhan kekuatan (binaan, benda, dll), keteguhan (pendirian dll), ketabahan (hati): ~ *benteng pertahanan*; ~ *hati dan ketabahan jiwa utk memelihara akidah dan iman*;

pengukuhan perihal mengukuhkan (meneguhkan), peneguhan; *pidato* ~ Id pidato atau syarahan penerimaan jawatan (dibuat ketika mula memangku jawatan);

pengukuh sesuatu yg mengukuhkan atau memperkukuh, penguat: *bahan ~ bagi pencelupan peringkat kedua*; ~ *pendapat*.

kukuh II; *padi* ~ padi yg masak sangat (di pokok).

kukuk K1 tidak lurus (tanduk dll), bengkok.

kukul Jw ark jerawat.

kukup lumpur yg ditimbunkan oleh air di sepanjang pantai laut atau tebing sungai: *di pantai tersebut, airnya cetek dan selalu didapati ~; ~ salji* (Geog) timbunan salji yg telah berpindah tempat (kerana digerakkan oleh air dll).

kukur I = kukuran alat bergerigi hujungnya utk mengeruk (mengikis) isi kelapa;

~ apa kpd ~, nyiur juga yg binasa = apa peduli pd kukuran, nyiur juga yg akan habis prb mudah bagi seseorang menyuruh melakukan sesuatu tetapi yg melakukannya juga yg menemui kesukaran; *murah terbelingut* *bagai kukuran timah* prb mudah merajuk atau berkecil hati; *satu hadap* *bagai kukuran* prb orang yg mahir dlm satu pekerjaan sahaja;

mengukur 1. mengeruk atau mengikis (isi kelapa) dgn kukuran: *isterinya sedang ~ kelapa di dapur*; **2.** menggaru-garu atau mencakar-cakar (kulit dll) kerana gatal: *ia ~ tangannya yg digigit nyamuk*;

pengukur 1. kukuran; **2.** orang yg mengukur (kelapa dll).

kukur II bunyi burung tekukur.

kukur III bergerigi (bkn tepi daun); *~ halus* bergerigi halus (bkn tepi daun).

kukus I 1. wap air panas; *kuih (roti) ~ kuih (roti)* yg dimasak dgn memanaskannya dgn wap air panas; **2.** alat utk mengukus, kukusan;

berkukus 1. mengeluarkan kukus, berwap (air panas); **2.** yg dimasak atau dipanaskan dgn menggunakan kukus (wap) air mendidih: *nasi lemak* *yg ~*; **3.** yg dijadikan (atau ditukarkan semula menjadi) cairan dr wap cairan yg dididihkan;

mengukus 1. memasak atau memanaskan sesuatu dgn menggunakan wap air mendidih: ~ *nasi lemak*; **2.** memanaskan cairan (spt air dll) hingga menjadi wap yg kemudian bertukar semula menjadi cairan;

kukusan 1. sj bekas drpd anyaman yg berbentuk bulat panjang atau merunjung utk mengukus nasi, alat mengukus makanan, kukus; **2.** hasil mengukus;

pengukusan proses atau perbuatan mengukus;

pengukus sesuatu yg digunakan utk mengukus: *air ~*; *periuk ~*.

kukus II sj musang yg busuk baunya.

kukus III; *buah ~ (kukusan)* sj buah langsung, buah kokosan.

kukut I □ □ □ **kokot I.**

kukut II (Sunda); *anak ~* anak pungut.

kul IB 1. kubis, kol; **2.** = *akar ~* sj tumbuhan (pokok menumpang), akar bani, akar banuk, *Dischidia rafflesiana*.

kula Jw sl patik, hamba: ~ *disuruh Rama Andika akan menyambut tuanku*.

kulah I = **kulah-kulah** sl sj kopiah tinggi, ketopang: *suatu kelembut emas berkemuncak permata merah terhantar di atas ~ keemasan*.

kulah II ark sj pokok mangga.

kulai I; **berkulai**, **berkulaian** bergantung berbuai-buai (spt dahan patah yg belum putus), berkelepai;

terkulai terkelepai (spt bendera yg tidak berkibar), tergantung terbuai-buai (spt dahan patah), terlentok (kepala, bunga di dahan, dll): *kakinya yg patah itu ~*; *kepalanya yg ~ itu perlahan-lahan diangkatnya*;

terkulai-kulai terkulai berulang kali: *kelopak bunga tersebut ~ hampir gugur*.

kulai II; *siput ~* sj siput, *Turbo marmoratus*.

kulak I sukatan isi bagi biji-bijian spt beras dll (lebih kurang satu gantang).

kulak II Jw membeli barang utk diperdagangkan.

kulak-kulak; ~ *tangan* Mn buku jari.

kulakasar sl barang-barang (yg boleh diangkut, spt perabot dll).

kulambai □ □ □ **kelambai.**

kulampair kulat dan alga yg hidup secara simbiosis, liken.

kulan sj tumbuhan (pokok), balam sundik, getah sundik, semaran, surin, *Payena leerii*.

kulang sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kuku lang, darah belut, gorek, kelici rimba, maticang, mentiung, tampu rengat, *Mezoneuron sumatranum*; rumput ~ *pulut* sj tumbuhan (rumpai), bayam pasir (tanah), daun serapati, kerak nasi paya, keremak, rumput loh, *Alternanthera triandra*.

kulansing Mn ark sirih yg dilipat segi tiga sbg isyarat memanggil (menjemput) orang yg menerimanya, sirih pemanggil: *nan dekat panggilan tiba, nan jauh ~ lepas*.

kulapuk (Bio) kulat yg menyebabkan pertumbuhan yg berbulu halus rupanya di permukaan bahan organik yg lembap atau reput.

kulari □ □ □ **kelari.**

kulasentana Jw, sl keluarga.

kulat I sebarang kumpulan organisma parasitik yg tidak mempunyai klorofil, termasuk kulapuk, cendawan, yis, dll; jenis-jenisnya: ~ *kayu*; ~ *padang*; ~ *sisir* dll;
~ *ambrosia* sj kulat yg hidup secara simbiosis dgn kumbang ambrosia di dlm kayu (dgn kulat itu menjadi sumber makanan larva

kumbang tersebut); ~ *madu* sj kulat dlm kelas Basidiomycetes yg menyebabkan reput pangkal pd pokok kayu, *Armillaria mella*;

berkulat berlapuk, ditumbuhi kulat: *ia berbaring di atas tilam jerami lapuk yg telah ~*.

kulat II; terkulat-kulat 1. terkebil-kebil atau termangu-mangu (spt orang kebingungan, kehairanan, dll): *murid-muridnya ~ sahaja apabila muka mereka direnunginya*; **2.** terkecap-kecap (kerana menginginkan sesuatu makanan): *~ mulut budak itu apabila ia melihat makanan yg terhidang di atas meja*.

kulau 1. sj tumbuhan (pokok); a) *Taraktogenos spp.*; b) *Hydnocarpus spp.*; **2.** sj tumbuhan (akar memanjat), akar padang, garing-garing, hempedal ayam, kacat, karang-karang, sembelit merah, sembelit padang, *Cnestis palala*.

kulawangsa sl keluarga.

kulawarga Jw keluarga.

kuli orang yg membuat kerja kasar atau kerja berat (spt memungkah barang, membaiki jalan raya, dll), buruh kasar: *maka dipanggilkannya segala ~ dlm Melaka drpd segala bangsa, maka disuruhnya ~ pecahkan kota itu; makan ~ bekerja sbg kuli; wang ~ wang yg dibayar kpd kuli sbg upah; ~ plat kuli stesen dll yg lengannya memakai plat bernombor*;

berkuli bekerja sbg kuli: *pekerjaan terlalu sedikit, sedang orang yg mahu ~ terlalu banyak*;

memperkuli memperbuat sbg kuli: *maksud mereka tiada lain lagi drpd hendak ~ dia*;

kulian wang kuli, upah kpd kuli.

kuliah Ar 1. pelajaran yg disampaikan secara bersyarah (berpidato) oleh mahaguru atau pensyarah di universiti atau maktab, syarahan: *setengah-setengah mahasiswa sibuk mencatat beberapa perkara yg dikemukakan dlm ~nya; bilik ~ bilik tempat menyampaikan kuliah;* 2. ceramah agama: ~ *subuh*; 3. fakulti yg terdapat di sesetengah universiti; 4. ark sj maktab atau sekolah tinggi; ~ *guru* maktab guru; **berkuliah** memberi kuliah, bersyarah (utk menyampaikan ilmu pengetahuan).

kulik-kulik sj burung malam.

kulikat kelakuan, tabiat; □□□ **khalikah**.

kuliling ark bp keliling.

kulim 1. sj tumbuhan (pokok), bebatai, beka, cikih, tampoi hutan, *Dysoxylon costulatum*; 2. sj tumbuhan (pokok), *Scorodocarpus borneensis*; ~ akar sj tumbuhan (pokok memanjat), *Erythropalum scandens*; ~ burung sj tumbuhan (pokok), cikih, kasai paya, pasak lingga, pasak lingga merak, *Aphanamixis polystachya*; ~ gajah sj tumbuhan (pokok), *Dysoxylon spp*.

kulimambang Br sj kupu-kupu.

kulimat Mn ark = **berkulimat** berjimat-jimat (menggunakan makanan dll), berhemat.

kulimbambang □□ **kulimambang**.

kulimpapat Br kelip-kelip, kunang-kunang.

kulinari berkaitan dgn masak-memasak: *anda boleh melanjutkan pelajaran di Universiti Hawaii yg terkenal di dunia dlm kursus seni ~.*

kulio Mn ark sj masakan drpd daging (hati dll).

kulintang sj alat muzik tradisional Sulawesi Utara yg terdiri drpd bilah-bilah kayu.

kulipis lapisan atau selaput nipis yg membaluti, melapisi atau menyekat bahagian-bahagian dlm tubuh binatang atau tumbuhan, membran: ~ nukleus; ~ sel.

kulir sj alat utk mencedok simen (kapur dll).

kulit I **1.** tisu nipis yg membaluti tubuh (manusia atau binatang): ~nya hitam manis; binatang ini tidak mudah dilukai senjata tajam kerana tebal ~nya; bersalin ~ bertukar kulit (bkn ular dll); penyakit ~ penyakit pd kulit (spt kudis, kusta, dll); **2.** bahagian luar yg membaluti isi buah (batang pokok, isi telur, dll): ~ bawang; ~ nangka; ~ kayu; **3.** pembalut tubuh binatang yg telah ditanggalkan dan dikeringkan (utk dibuat beg, kasut, dll): kasut ini dibuat drpd ~ buaya; beg ~ beg yg dibuat drpd kulit binatang; **4.** bahagian di sebelah luar buku dll (biasanya lebih tebal drpd kertas halamannya): gambar seorang bintang filem menghiasi ~ majalah itu; ~ keras kulit (buku) yg dibuat drpd kadbod atau kertas yg tebal; ~ lembut kulit (buku) yg dibuat drpd kertas yg tidak tebal dan tidak keras; **5.** yg nampak dr luar, garis-garis kasar, butir-butir yg tidak mendalam: adat istiadat Belanda diajarkan juga, tetapi hanya ~nya, tiada mendalam; terjemahan ~ terjemahan erti perkataan-perkataannya (tidak berdasarkan maksudnya);

~ adam bahagian pangkal kuku yg berwarna putih dan berbentuk bulan sabit (bunga kuku); ~ ari a) kulit atau selaput nipis (yg membaluti beras, isi kelapa, dll); b) kulit luar; ~ basah kulit binatang yg belum dikeringkan; ~ berwarna = ~ hitam (orang atau bangsa) yg bukan berkulit putih spt orang Eropah; ~ buatan (imitasi, tiruan)

barang buatan yg nipis yg menyerupai kulit; ~ *bumi* lapisan sebelah luar bumi yg terdiri drpd batu habluran dll; ~ *daging* saudara-mara, kaum keluarga; ~ *dalam* lapisan kulit sebelah dalam di bawah lapisan kulit luar; ~ *karah* kulit kura-kura (labi-labi); ~ *kayu manis* sj kulit kayu yg dijadikan ramuan masakan; ~ *kerang* (*siput dll*) benda keras yg membungkus kerang dll (sbg tempat berlindung), rumah kerang (siput dll); ~ *khatan* kulit pd hujung kemaluan lelaki; ~ *kuih* lapisan (kepingan) nipis dibuat drpd adonan tepung (utk membungkus inti atau isi kuih); ~ *langsat* warna (kulit manusia) yg putih kekuning-kuningan; ~ *luar* lapisan kulit (pd daging atau tumbuhan yg di sebelah luar); ~ *manis* lapisan jaringan atau tisu pd pokok (di antara kulit kayu dan batangnya); ~ *mati* kulit yg tidak berasa; ~ *perisai* lapisan tipis di sebelah atas kulit luar tumbuhan (utk melindunginya drpd air dan gas); ~ *putih* (bangsa, orang) yg berketurunan Eropah; ~ *renang* kulit yg menghubungkan jari-jari itik (katak dll); ~ *sawo matang* (*coklat*) (bangsa) yg kulitnya berwarna coklat;

~ *babi* yg tersungkup di kepala orang prb mendapat malu; *buka* ~ *ambil isi* prb perundingan secara terus terang (tidak berkias-kias lagi); *kalau tak* ~ *leraklah* (*lerailah*) *tulang* = *tinggal tulang* dgn ~ prb sangat kurus (tubuhnya); *tebal* ~ *muka* prb tidak malu;

berkulit mempunyai kulit: *pemuda itu berambut ikal dan* ~ *hitam manis*; ~ *badak* bp tidak bermalu, tidak berperasaan;

mengulit **1.** mengganti kulit (bkn ular dll), bersalin kulit; **2.** menjadi kulit, tumbuh kulitnya; **3.** Id mengupas kulit kepala;

menguliti **1.** memberi berkulit, membalut (buku dll) dgn kulit; **2.** menyiati atau mengupas kulit (lembu dll);

kekulit bahan spt kulit;

perkulitan tempat menyamak kulit;

pengulitan (Hut) proses menanggalkan (membuang) kulit drpd batang pokok atau kayu balak (secara manual atau dgn mesin pengulit).

kulit II; ~ *lawang* sj tumbuhan (pokok), *Cinnamomum culilawan*; ~ *manis* sj tumbuhan (pokok), kayu manis, *Cinnamomum cassia* (*Cinnamomum zeylamcum*); *akar* ~ *manis* sj tumbuhan (akar berteras), akar manis, tebu gajah, *Albizzia myriophylla*.

kulkas peti sejuk (tempat menyimpan makanan supaya tidak busuk dll).

kulon Jw barat.

kulot bp seluar pendek berkaki lebar seakan-akan skirt yg dipakai oleh orang perempuan.

kultur 1. penanaman tumbuh-tumbuhan terutamanya dgn kaedah saintifik utk memperbaiki baka atau menghasilkan baka baru; **2.** penternakan dan pembiakan binatang utk memperbaiki baka: *hasil sampingan drpd* ~ *kulat*; *Sabah akan mengeluarkan udang* ~; **3.** sekumpulan sel tisu, bakteria dsb yg diperoleh drpd proses pembiakannya dlm bahan nutrien di dlm makmal;

mengkultur membiakkan mikroorganisma, spt bakteria dan sel tisu dlm bahan nutrien: *ahli biologi menggunakan agar-agar sbg medium utk* ~ *bakteria dan kulat*;

pengkulturan proses atau perbuatan mengkultur: *serum merupakan suatu bahan penting dlm* ~ *sel*.

kultus 1. sistem pemujaan dlm upacara keagamaan; **2.** kumpulan kecil orang yg menjalankan pemujaan keagamaan seumpama itu.

kulub Ar (jamak bagi kalbu) jantung hati.

kuluk Jw sj songkok (kopiah) yg dipakai oleh orang besar-besar.

kulum I; berkulum bergumam, berkemam (tidak membuka mulut);

tersenyum ~ tersenyum dgn tidak membuka mulut; *suaranya* ~ suaranya tidak jelas kedengaran (kerana tertahan dlm mulut);

mengulum 1. menahan atau membiarkan (gula-gula dll) di dlm mulut, mengemam: *dikulumnya gula batu dlm mulutnya*; **2.** menggumam, mengeluarkan suara (perkataan dll) dgn tidak membuka mulut; ~ *senyum* tersenyum dgn tidak membuka mulut;

terkulum dikulum, digumam: *perkataan itu dikeluarkannya dgn suara yg ~.*

kulum II □□ **coulomb.**

kulum-kulum Mn sj binatang spt halipan yg bergulung apabila disentuh, sepah bulan, senggulung.

kulup I nama timang-timangan bagi anak lelaki atau anak lelaki yg sulung.

kulup II kulit khatan (kulit pd hujung kemaluan lelaki yg dibuang ketika dikhatankan);

berkulup belum berkhatan.

kulur sj tumbuhan (pokok), sukun, *Artocarpus communis*.

Kulzum; *laut* ~ laut Merah (laut di antara negeri Arab dan benua Afrika).

kumai 1. ukiran (pd perkakas kayu spt almari dll) yg timbul atau bergerigi:

perbuatan ~ *itu berkerawang, berbunga lawang dan berkarang-karang*; **2.** bingkai (bakul dll);

berkumai 1. berukir dgn alur-alur (ukiran) tenggelam timbul: *maka adalah perbuatan itu empat persegi, dan batu mengampar* ~ spt *perbuatan peterana*; **2.** berbingkai;

mengumai mengukir kumai;

mengumaikan menghiasi (sesuatu) dgn kumai;

kumaian kumai: *diperbuatnya ~ berkerawang spt karangan unggas rupanya;*

pengumaian proses mengukir (membentuk) kumai.

kuma-kuma stigma (drpd *crocus* berbunga ungu) yg berwarna jingga, berbau kuat dan dikeringkan, digunakan utk mewarnai dan memberi perisa kpd makanan.

kumal = **berkumal** renyuk dan kotor (bkn pakaian dll yg sudah lama dipakai), lusuh, berkerumuk (bkn kertas dll): *seluar yg ~ dan koyak-koyak sudah kehilangan warna asal; diselubungi dirinya dgn kain selimut yg sudah berkumal;*

mengumalkan merenyukkan; □ □ □ **gumal.**

kumala □ □ □ **kemala.**

kuman 1. organisma halus (tidak terlihat oleh mata kasar) yg wujud di udara, air dan tanah dan pd makhluk hidup dan mati, yg penting kpd manusia kerana kesan-kesan kimianya dan kadangkala menyebabkan penyakit, bakteria, basil; *ilmu ~ ilmu mengenai berbagai-bagai bakteria (yg menyebabkan penyakit);* 2. ki sesuatu yg sangat halus atau seni (spt debu dll);

~ air kutu dlm air yg menyebabkan kudis;

~ menjadi barah (pekung) prb perkara kecil menjadi besar kerana dibiarkan; *~ di seberang lautan tampak, gajah (bertengger) di pelupuk mata tiada tampak* prb kesalahan (keburukan) orang dapat dilihat tetapi kesalahan sendiri tidak disedari; *matilah ~ kena pelantik sekalian alam limpah darahnya* prb orang kebanyakan berkahwin dgn orang bangsawan, menjadi buah mulut orang halnya; *mencungkil ~ dgn alu* prb membuat pekerjaan yg sia-sia.

kumandang gema (bunyi), gaung, kemandang;

berkumandang bergema, bergaung: *dr dlm dewan hotel terdengar lagu irama rancak ~ di udara; ~ suara azan di udara;*

mengumandangkan 1. mengeluarkan bunyi atau suara yg bergema: *suara menyeru umat Islam menunaikan kewajiban mereka kpd Allah dikumandangkan ke telinga umum; 2.* ki mendengung-dengungkan, menyeru-nyerukan dgn nyaring: *suaranya akan ~ kekesalan yg tidak terungkai.*

kumanga, kumango = *barang* ~ barang kecil-kecil utk keperluan hari-hari (spt pinggan mangkuk, sikat, berus gigi, dll): *kain, ~, pecah-belah, sekaliannya laku di sana, sebab wang banyak.*

kumat Jw bentan (sakit semula sesudah agak sembuh).

kumat-kamit bergerak-gerak bibir (spt orang membaca doa dgn tidak bersuara, bercakap sendirian, dsb): *bibirnya ~ mengucap berulang kali;*

berkumat-kamit kumat-kamit: *Pak Utih mengganggu sambil mulutnya ~ menyebut nama Tuhan;*

mengumat-ngamitkan menggerak-gerakkan bibir (spt orang bercakap dgn tidak mengeluarkan suara): *mulutnya dikumat-kamitkan bagaikan membaca doa pelias mengelak drpd ular bisa;*

terkumat-kamit tergerak-gerak bibir: *mulut Ramlan ~ membaca isi surat itu.*

kumayan kemenyan.

kumba I sj bekas (spt buyung); ~ *emas* kumba yg diperbuat drpd emas; ~ *mayang* sj bekas spt belanga yg dihiasi daun kelapa dan diisi air utk memandikan pengantin.

kumba II bonggol pd dahi gajah.

kumbah; mengumbah 1. membersihkan dgn air, membasuh: ~ *pinggan mangkuk*; 2. ki mencaci (orang), mengatakan keburukan orang;

kumbahan; *air* ~ air yg telah digunakan utk membasuh.

kumbang 1. sj serangga yg berkepak dan berkulit keras; jenis-jenis: ~ *(ber)tanduk*, ~ *daun*, ~ *gajah*, ~ *kelapa* dll; 2. sj serangga (lebah); jenis-jenis: ~ *kayu*, ~ *madu* dll; 3. ki hitam (berkilat); *anjing (harimau)* ~ anjing (harimau) yg hitam bulunya;

~ *ambrosia* sj kumbang perosak kayu dlm famili Platypolidae dan beberapa genus dlm famili Scolitidae dan Lymaxylidae; ~ *bubuk* sj kumbang perosak kayu dlm famili Bostrychidae dan Lyctidae; ~ *kulit* sj kumbang perosak kayu dlm famili Scolitidae (termasuk kumbang Ambrosia); ~ *kura-kura* kumbang kecil berwarna coklat kemerah-merahan atau kuning dan berbintik-bintik hitam; ~ *perabot* sj kumbang perosak kayu dlm famili Anobiidae, larvanya mengorek kayu, *Anobium punctatum*; ~ *sesungut panjang* sj kumbang perosak kayu dlm famili Cerambycidae yg larvanya mengorek kayu;

~ *melilit gedung* prb orang yg bersiul-siul berkeliling rumah gadis yg dikasihinya; ~ *tidak seekor, bunga tidak sekaki (sekuntum)* prb bukan hanya seorang sahaja lelaki atau perempuan utk dijadikan kekasih atau pasangan hidup; *bagai ~ putus tali(nya)* prb sangat pantas larinya (jalannya);

mengumbang mendengung-dengung (berbunyi berdengung-dengung) spt kumbang.

kumbar = *salak* ~ sj tumbuhan (palma), asam kumbang, salak ringan, *Zalacca wallichiana*; *rumput* ~ sj tumbuhan (rumpai) a) mesiang, rumput menderung, *Scirpus grossus*; b) rumput kerecut, *Scirpus mucronatus*.

kumbik sj tumbuhan (pokok), buah keras, derekan, kembiri, kemiri, miri, pidikan, *Aleurites moluccana*.

kumbu sj bakul yg dianyam (tempat menyimpan ikan); □ □ □ **kembu**.

kumbuh = *mensiang* ~ sj tumbuhan (rumput yg dibuat tikar), rumput kumbar, rumput kerecut, *Scirpus mucronatus*.

kumbuih Kd bahagian (punat berwarna putih) yg tumbuh dlm buah kelapa yg sedang bercambah.

kumi ark sl sila makan, makanlah (diucapkan kpd orang Portugis).

kumico ark ketua perkumpulan orang yg berjiran (terutamanya pd zaman pemerintahan Jepun).

kumin sesuatu atau bahagian sesuatu yg sangat kecil (halus), benda seni: *jikalau air itu mengandungi lebih banyak ~ pasir atau gelembung-gelembung udara, ia akan kelihatan berwarna hijau;*

sekumin sangat sedikit, sekelumit, sangat kecil: *terasa sangat oleh Ramlan kerumitannya menjimatkan wang gajinya yg ~ itu.*

kumis I misai;

berkumis mempunyai kumis, bermisai.

kumis II; ~ *kucing* sj tumbuhan (herba), ruku hutan, *Orthosiphon grandiflorus*.

kumit I; sekumit Pr sekumin, sekelumit: *utk memenuhi sekurang-kurangnya ~ apa yg dihasratkan oleh penduduk Melayu.*

kumit II; berkumit-kumit, mengumit-ngumit (ber)kumat-kamit (mulut): *tok pawang terdiam sejurus sambil bibirnya ~ menjampi.*

kumkuma □ □ **kuma-kuma**.

kumlah; *mati* ~ mati kerana sakit atau sudah tua.

Kump. kep Kumpulan.

kumpai; ~ *tikus* sj tumbuhan (herba), rumput tapak itik, *Floscopa scandens*; *rumpu* ~ (*jantan*) sj tumbuhan (rumput), rumput sumbu; a) *Hymenachne myurus*; b) *Panicum auritum*.

kumpal I □ □ □ **gumpal.**

kumpal II ark; **terkumpal-kumpal 1.** terumbang-umbang, terkatung-katung; **2.** ki tidak tahu berbuat apa-apa (kerana dlm kesulitan).

kumpar; mengumpar menggulung benang dll pd gelendong (atau pd alat penggulung benang;

kumparan sj alat penggulung benang, gelendong.

kumpi Jk moyang (lelaki atau perempuan).

kumpuan majmuk: *daun* ~ daun yg terbahagi kpd beberapa anak daun yg terlekat pd gagang atau tangkai daun yg sama, daun majmuk; *kanta* ~ kanta yg terdiri drpd beberapa kanta ringkas yg terlekat atau terletak bersaingan pd paksi yg sama, kanta majmuk; *mata* ~ mata (spt mata serangga, ketam, dll) yg terdiri drpd gabungan beberapa mata ringkas, mata majmuk.

kumpul; sekumpul selonggok;

berkumpul 1. berdekatan rapat-rapat menjadi satu atau sekelompok, berlonggok: *sampah-sarap yg hanyut itu ~ menjadi suatu timbunan; beberapa orang yg ~ itu sedang asyik berjudi; 2.* berhimpun (beramai-ramai), berkampung: *ramai orang ~, berlambak-lambak, di keliling panggung ini menunggu pertunjukan yg berikutan; 3.* = **berkumpul-kumpul** berkerumun, berpusu-pusu: *di sampingnya ~ segelintir manusia spt sekumpulan semut mengerumuni gula;*

mengumpulkan 1. menjadikan atau membuat supaya berkumpul, mengambil (mengutip) benda-benda yg berselerak (bercerai-cerai) supaya menjadi sekelompok: *ia asyik memerhatikan seorang*

perempuan tua yg sedang ~ benda-benda yg bertaburan di lantai; hendaklah dikumpulkan dulu perkakas-perkakas yg diperlukan sebelum memulakan kerja; 2. mengerahkan (orang dll) supaya menjadi pasukan, menghimpunkan, mengampungkan: Panglima Hitam ~ orang-orangnya dan menyusun rancangan menyerang musuh; 3. menjumlahkan (menyatukan) sebilangan sesuatu supaya menjadi suatu jumlah; ~ wang menyimpan wang berdikit-dikit hingga menjadi (agak) banyak;

terkumpul terhimpun (menjadi banyak atau sekelompok): *hasil drpd pungutan derma itu banyak wang sudah ~; air hujan yg ~ di atas muka bumi meresap masuk ke dlm tanah;*

kumpulan 1. kelompok (orang, binatang, dll) yg agak besar, himpunan: *pandangannya beralih kpd ~ budak yg sedang bermain-main di halaman rumah; ~ sajaknya yg telah dibukukan mendapat pujian drpd pengkritik sastera; 2. beberapa orang (pertubuhan dll) yg dianggap sbg satu kelompok atau gabungan kerana mempunyai sifat (tugas, kecenderungan, dll) yg serupa: ~ Pengkaji Bijih Timah Antarabangsa; 3. (Kim) set unsur yg mempunyai sifat kimia yg serupa dan membentuk turus tegak dlm jadual berkala: ~ gas adi; ~ halogen; 4. segala sesuatu yg telah dikumpulkan menjadi suatu jumlah, himpunan: ~ wang; 5. gerombolan (penjahat, pengganas, dsb), kawan: *beberapa ~ penjahat selalu mengganggu ketenteraman negeri; 5. = perkumpulan* tempat berkumpul (berhimpun), sidang, majlis, pertemuan;*

~ gelap = ~ haram = ~ sulit kumpulan yg melakukan gerakan (atau mempunyai tujuan) yg salah di sisi undang-undang; *~ serpihan* sekumpulan kecil orang yg berpisah drpd kumpulan atau badan

induk akibat perbezaan pendapat, persengketaan dsb, biasanya berkaitan dgn soal politik; *K~ Wang Antarabangsa* kumpulan wang yg disumbangkan oleh beberapa negara utk menstabilkan pertukaran wang antarabangsa serta melancarkan perdagangan antarabangsa; *~ wang cadangan* kumpulan wang yg dicadangkan utk kegunaan atau keperluan tertentu yg tidak dijangka; *K~ Wang Simpanan Pekerja* kumpulan (himpunan) wang drpd sumbangan pekerja dan majikan utk dibayar kpd pekerja tersebut menurut syarat-syarat tertentu (mis setelah bersara dll);

perkumpulan gabungan, kesatuan atau persatuan: *dia menjadi pengerusi dlm persidangan ~ buruh kasar;*

pengumpulan perihal atau perbuatan mengumpulkan, penghimpunan: *~ barang-barang lama diusahakan oleh Muzium Negara;*

pengumpul tempat mengumpulkan sesuatu, orang yg mengumpulkan sesuatu: *pusat ~ jati; ~ setem.*

kumuh 1. Mn kotor, keji, cemar; *berhati* ~ tidak bersih (ikhlas) hatinya; **2.** benda yg tidak berguna dan dikeluarkan oleh badan manusia, haiwan atau tumbuhan, kotoran: *darah membawa zat makanan dan oksigen dan mengeluarkan ~; ~ tumbuh-tumbuhan hijau terdiri drpd karbon dioksida yg dikeluarkan dlm masa pernafasan dan oksigen yg berlebihan;*

mengumuhkan 1. Mn mengotorkan, mengejikan; **2.** mengeluarkan benda yg tidak berguna dr badan manusia, haiwan atau tumbuhan;

kumuhan bahan buangan yg dikeluarkan dr tubuh spt peluh, air kencing, dsb;

perkumuhan yg berkaitan dgn kumuh atau pembuangan kumuh;
salur ~ salur utk mengalirkan kumuh.

kumul ark□□□**kumal**.

kumulatif bertimbunan atau menjadi makin banyak (makin besar dsb)
kerana pertambahan, bertimbun (hasil pertambahan yg berulang
kali).

kumulus; *awan* ~ tompokan awan yg dasarnya rata dan struktur atas yg
berkepul-kepul dan berwarna putih.

kumur; *ubat* ~ ubat berupa cecair utk mencuci (mengubati) mulut;

berkumur mencuci mulut dgn mengocak-ngocak air di dalamnya:
sebelum makan pagi, dia menggosok gigi dan ~.

kumus = ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok), damar laut kuning, resak hitam,
resak merah, resak tempurung, *Shorea ciliata*; ~ *beruang* sj
tumbuhan (pokok), bangkal paya, kelat bukit, kelat hitam, membatu
hitam (merah), mertas, *Ctenolophon parvifolius*; ~ *merah* sj
tumbuhan (pokok); a) *Shorea ciliata*; b) *Shorea laevis*.

kumut ark; **berkumut** menyeringai.

kun Ar jadi; ~ *fayakun* (firman Allah yg bererti) jadi, maka jadilah (seisi
alam);

dikumkan ditakdirkan jadi (oleh Allah), sudah ditentukan lebih
dahulu (oleh Allah).

kunang-kunang sj serangga yg mengeluarkan cahaya yg berkelip-kelip pd
perutnya, api-api, kelip-kelip; ~ *sekebun* sj cincin yg mempunyai
satu permata yg dikelilingi intan kecil-kecil;

berkunang-kunang **1.** berkelip-kelip, berkilau-kilau, berpendar-
pendar: *makin lama, panas itu makin menjalar masuk danau, air
menjadi* ~ *rupanya*; **2.** seolah-olah melihat cahaya yg berkelip-kelip

(kerana pening kepala atau menahan perasaan sedih, dll), berpendar-endar (penglihatan): *terasa rekah bumi yg dipijaknya, gelap dunia baginya, ~ pemandangannya; matanya ~ melihat wang sebegitu banyak.*

kunani ark *si* ~ ayam kenantan (ayam yg putih seluruh bulunya).

kunapa, kunarpa (Sanskrit) ark sl bangkai, mayat.

kunau sj siput (yg boleh dimakan).

kunca I 1. ukuran isi bagi padi (biasanya sama dgn 160 gantang): *hasil sawahnya seluas kira-kira tiga ekar itu cuma lebih sedikit drpd tiga ~; 2.* berkas besar (padi, jerami, dll).

kunca II Jw punca (kain).

kunca III ark sj bakul kecil.

kuncah □ □ □ **kunca I.**

kuncen (kuncén) Jk pemegang kunci (di tempat keramat).

kunci I 1. alat yg terdiri drpd mangga (ibu kunci) dan pembukanya (anak kunci) utk mengancing sesuatu (spt pintu, peti, beg, dll): *pintu itu tidak memakai ~; 2.* = anak ~ alat pembuka yg dimasukkan ke dlm lubang mangga dan dipulaskan (diputar) utk membuka atau mengancing mangga: *terpaksa dipecahkannya mangga pintu kerana ~nya sudah hilang; 3.* = ibu (induk) ~ mangga (pintu dll), alat yg dikancingkan atau dipasang pd pintu dll dan dapat dibuka dgn anak kunci; **4.** sesuatu alat yg berupa atau yg digunakan sbg anak kunci atau mangga; ~ *jam (arloji)* alat utk memutar jam (supaya berjalan jarumnya); **5.** ki a) sesuatu yg menjadi atau yg digunakan sbg alat (formula, petua) utk mencapai sesuatu tujuan dll atau utk menyelesaikan masalah dll: *Yusuf sedang mengadakan imbalan dlm pucuk pimpinan dgn ~nya terletak pd dirinya; surat yg baru*

dijumpainya itulah yg akan menjadi ~ bagi membongkar segala rahsia; rajin, usaha, tekun dan jimat cermat ialah ~ kekayaan dan kesenangan; b) jawaban bagi soalan-soalan atau ujian-ujian mengenai sesuatu pelajaran: *berbagai-bagai buku yg mengandungi soalan-soalan dlm peperiksaan Sijil Persekolahan disertai dgn ~nya membantu murid dlm pelajaran;* c) penutup (karangan, perdebatan, dll): *kata-kata ini diucapkan sbg ~ ceramahnya itu;* **6.** ki kedudukan (jawatan dll) penting atau berpengaruh: *~~~ dlm kerajaan dipegang oleh parti yg berkuasa;* **7.** rentetan nada yg berhubungan antara satu sama lain dan berdasarkan sesuatu nada utama; **8.** = **kunci-kunci** Mn sendi tulang, tempat bertemu (bersambung) dua kerat (bahagian) tulang; *~ paha* tempat pertemuan antara paha dgn bahagian bawah perut; *kunci-kunci lutut* sendi pd lutut, tempurung lutut; **9.** bp terkancing;

~ air sj sekat atau alat penahan air utk mengendalikan aliran air (dlm tali air dll); *~ gantung* = *~ kura* mangga (ibu kunci) yg tergantung; *~ kereta* = *~ kontrak* Id alat utk menghubungkan arus elektrik pd enjin (motor) supaya dapat dihidupkan (enjinnya); *~ kira-kira* penutup kira-kira (perniagaan dll) yg menunjukkan nilai segala harta dan hutang-piutang; *~ maling* Id anak kunci palsu (boleh digunakan utk membuka berbagai-bagai mangga); *~ mati* a) rahsia yg tersimpan baik; b) jalan buntu (kegagalan mencapai persetujuan dll dlm perundingan dll); *~ sekrup* Id alat utk melonggarkan atau mengetatkan skru; *~ senapang (pistol)* alat pengancing senapang (pistol); *~ wasiat* a) rahsia; b) sesuatu yg dipakai utk mencapai sesuatu tujuan (membongkar rahsia dll);

anak ~ jahat, peti derhaka prb suami yg jahat akhirnya akan ditentang oleh isterinya; *mengeluarkan ~ hati* prb mengucapkan kata atau pendirian yg muktamad;

berkunci 1. memakai kunci; **2.** ditutup dgn kunci, (sudah) dikunci: *semua rumah di situ kosong dan sesetengahnya ~ pintu dan tingkapnya;*

mengunci 1. menutup (pintu dll) dgn kunci, mengancing atau menyelak (pintu dll): *masing-masing ~ pintu dan tingkap dan tidak ada yg berani keluar rumah;* **2.** mengakhiri (ucapan dll), menyudahi: *ia ~ ceramahnya dgn kata-kata nasihat;* **3.** mengetapkan (mengatupkan); *~ bibir* mengatupkan bibir; *~ mulut* ki menutup mulut (tidak atau tidak mahu berkata apa-apa), mendiamkan diri;

terkunci 1. tertutup dgn kunci (bkn pintu dll), terkancing: *pintu yg tidak ~ itu dibuka dgn penuh hati-hati; mulutnya ~ ki kaku rahangnya* (tidak dapat berkata-kata kerana terkejut, kebingungan, dll); **2.** telah diakhiri atau disudahi;

pengunci 1. alat utk mengunci (pintu dll), pengancing (pintu dll): *berdentum pintu itu ditarik kuat oleh Normah, tetapi tidak juga lekat ~nya;* **2.** penutup (perbincangan dll), kata pemutus: *akan ~ rundingan itu, Ramli terpaksa menegaskan keazamannya hendak berkahwin dgn perempuan yg dicintainya.*

kunci II; *temu ~ sj* tumbuhan (herba), dekunci, merkunci, temu kecil, *Gastrochilus panduratum (Kaempferia pandurata); ~ fatima sj* tumbuhan, pokok pinggang, selusuh fatimah, *Labisia pothoina.*

kuncir ark□□□**kucir.**

kuncit seikat (seberkas) rambut yg berjalin (beranyam) atau tidak yg dibiarkan tumbuh panjang, kucir, tocang.

kuncu → **konco**.

kuncung Jw jambul, jambak, gombak.

kuncup I 1. tidak terbuka lebar (bkn payung dll), tidak mekar atau kembang (bkn bunga); ~ *hatinya* ki ketakutan; 2. kuntum bunga, daun muda yg belum terbuka: ~ *bunga mawar*; 3. ark bp berkulup, belum berkhatan;

menguncup 1. menjadi kuncup (tertutup), mengerut, menjadi tidak kembang atau terbuka: *daun semalu* ~ *apabila disentuh*; 2. menjadi kecil (pendek, kurang, dsb) sedikit: *cecair mengembang dan* ~ *menurut perubahan suhu*; ~ *hatinya* berasa takut; 3. menyerupai kuncup (kuntum bunga);

menguncupkan menjadikan kuncup (tertutup), merapatkan sesuatu yg kembang, mengecilkan: ~ *payung*; ~ *tangan* menyatukan (merapatkan) kedua-dua tapak tangan;

penguncupan perihal menguncup (menjadi kecil): *pengembangan dan* ~ *yg disebabkan oleh perubahan suhu ini tidak berapa nyata pd pandangan mata kasar kita*.

kuncup II; menguncup mengucup; □ □ □ **kucup I**.

kuncur 1. sj tumbuhan (rizom), temu kuning, *Curcuma zedoaria*; 2. = ~ *putih* sj tumbuhan (pokok), guncak, gunciak, sekincak, *Antidesma ghaesembilla*.

kunda Kl; **berkunda-kunda** berasak-asak, berjejal-jejal, penuh sesak (orang).

kundai sanggul, gelung (rambut); *tusuk* ~ cucuk sanggul;

mengundai membuat kundai, menyanggul (rambut): *rambutnya yg hitam keriting berombak-ombak, dikundai bergantung*.

kundang I = *budak* ~ sl budak pengiring (raja, orang bangsawan, dll), budak suruhan (raja dll), biduanda, juak-juak: *maka baginda pun bangun berangkat bersiram ke taman bunga diiringkan ~-~*;

berkundang; *anak* ~ Mn anak yg sangat dikasihi, anak yg dimanjakan;

mengundang Mn selalu membawa bersama-sama (ke mana-mana);

kundangan 1. = ~ *raja* = *budak* ~ sl budak kundang; **2.** Mn anak berkundang.

kundang II; **kundangan Jk 1.** kondangan; **2.** undangan; □□□**undang I.**

kundang III = *tali* ~ pembalut luka pd kemaluan yg baru disunatkan (dikhatankan).

kundang IV = **kundangan** sj tumbuhan (pokok), *Bouea macrophylla*.

kundi Mn sj biji saga yg digunakan utk menimbang emas (beratnya 1/24 mas), kenderi.

kunduh sj tumbuhan (pokok), incung, larak, mahang putih, tampu hutan, tampu putih, *Macaranga tanaria*.

kundur = ~ *cina* = ~ *jawa* sj tumbuhan (herba memanjat), beligu, *Benincasa cerifera*; ~ *tikus* sj tumbuhan (pokok menjalar), pedandang tikus, timun tikus, *Melothria affinis*;

~ *tidak melata pergi, labu tidak melata mari* prb persetujuan hendaklah berdasarkan tolak ansur dan persahabatan haruslah datangnya drpd kedua-dua belah pihak; *kalau spt ~ labu, boleh dibelah* prb utk menegaskan kebenaran atau kejujuran.

kung I 1. Kd, Kl kayu (gading-gading) yg melengkung sbg rangka rusuk perahu; **2.** Pl tanda pangkat yg berbentuk huruf V dlm tentera atau polis; **3.** Kd lingkaran besi tempat tayar melekap, lereng: ~ *basikal*.

kung II bunyi spt bunyi anjing dipukul dll.

kung fu seni mempertahankan diri (terutamanya di kalangan orang Cina) yg mengandung unsur-unsur judo dan karate.

kungki sj tumbuhan (pokok yg kayunya dibuat lesung dll dan kulitnya dibuat ubat luka), *Pometia pinnata*.

kungkuma □ □ **kuma-kuma**.

kungkur 1. sj tumbuhan (pokok), keredas, medang buaya, medang gati, medang kok, *Pithecellobium confertum*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Pithecellobium splendens*.

kungkuvak (Muz) sj serunai drpd batang padi di Sabah.

kuning I warna spt warna kunyit (tembaga dll);

demam (sakit) ~ penyakit berjangkit yg menyebabkan tubuh berwarna kuning; *nasi* ~ nasi kunyit (kuning warnanya); *sirih* ~ a) daun sirih yg kuning warnanya; b) ki gadis yg elok; ~ *air kuning* yg keputih-putihan; ~ *gading = putih* ~ kuning keputih-putihan spt warna gading; ~ *langsap* putih kuning (tidak putih sangat, bkn kulit dll); ~ *pinang masak* kuning kemerah-merahan; ~ *telur* bahagian tengah telur yg kuning warnanya; ~ *tua* kuning gelap (lwn kuning muda); ~ *oleh kunyit, hitam oleh arang* prb mudah terpengaruh oleh hasutan atau puji-pujian;

menguning 1. menjadi kuning, berwarna kuning; **2.** mulai masak (padi): *padinya sedang* ~ *menantikan masa utk dituai*;

kuningan tembaga kuning;

kekuningan 1. keadaan kuning; **2.** sl barang-barang berwarna kuning (spt payung dll) tanda kebesaran raja atau orang bangsawan: *maka Laksamana mengarak* ~, *ertinya lampin dan tilam, beras, dan baju bajang, dan pawai burung-burung dibunuh di hujung galah*;

kekuning-kuningan berwarna agak kuning: *tanah liat yg berwarna ~.*

kuning II; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar cina, akar kunyit-kunyit, Limacia oblongata; bunga akar ~ sj tumbuhan (pokok), akar cempaka kuning, cempaka hutan, Allamanda cathartica; pokok ~ sj tumbuhan (pokok), antat, kenanga hutan, lidah-lidah, melidah, pacal kuning, Alangium ebenaceum.*

kuning III; *burung ~ sj burung, burung siam, Pycnonotus a. atriceps.*

kuning IV *sj ikan laut, Lutianus spp.*

kunir *Jw kunyit.*

kunit *ark kunyit.*

kunjung I; **berkunjung** *pergi (datang) utk melihat-lihat (tempat dll) atau menemui seseorang: aku diberi kesempatan ~ ke Edinburgh, kemudian terus ke London; pernah beberapa kali aku ~ ke rumah Sutejo;*

mengunjungi *mendatangi utk melihat-lihat (tempat dll) atau menemui seseorang, melawat, menziarahi: pelancong-pelancong yg ~ bandar tersebut tertarik dgn keindahannya; lama benar ia tidak ~ saudara-maranya di kampung;*

kunjung-mengunjungi *saling mengunjungi: ~ spt itu ada kaitannya dgn tujuan keselamatan;*

kunjungan *hasil berkunjung atau mengunjungi, lawatan: persediaan-persediaan menyambut ~ presiden Amerika telah siap semuanya; kota yg bersejarah ini menjadi tempat ~ ramai; ~ kilat kunjungan (lawatan) yg singkat (biasanya yg tidak dirancang terlebih dahulu);*

perkunjungan *perihal berkunjung;*

pengunjung orang yg mengunjungi sesuatu tempat, pelawat, pelancong: *pemandangan di tempat tersebut demikian indahnya sehingga banyak para ~ datang ke sana.*

kunjung II Mn lekas, segera, mungkin; *tak (tidak)* ~ tidak lekas (mudah, pernah, mungkin), belum lagi; *tak ~ datang* tidak segera (mungkin) datang; *tak ~ padam*; *tidak ~ tiba*; *tak ~ tidak* tentu, pasti; *api nan tak ~ padam* semangat (azam) yg sentiasa ada (tidak padam-padam).

kuno 1. lama atau tua (berasal dr zaman dahulu), dahulukala; *barang* ~ barang yg berasal dr zaman dahulu; *masyarakat* ~ masyarakat zaman dahulukala; *zaman* ~ zaman dahulukala, purbakala; **2.** kolot, tidak moden; *adat* ~ adat yg sudah usang; *kepercayaan* ~ kepercayaan kolot (spt kepercayaan kpd kuasa ghaib dll); *pendapat (sikap)* ~ pendapat (sikap) yg tidak moden;

kekunoan 1. barang apa yg bersifat kuno; **2.** perihal (sifat) tidak moden, kekolotan: ~ *sikap akan menghalang kemajuan*; **3.** Id (Lin) penggunaan bahasa secara kuno (bahasa lama).

kunta sl sj lembing.

kuntau C sj silat atau pencak cara Cina;

berkuntau bersilat (berpencak) cara Cina.

kuntianak Jk puntianak (sj hantu).

kuntit Jk; **menguntit 1.** mengikut (dr belakang), membuntut, mengekor; **2.** menurut (kata atau perbuatan orang);

menguntiti mengikuti, mengekori.

kuntuan C sj kain sutera.

kuntul I tidak berekor, togel; *ayam* ~ ayam togel.

kuntul II sj burung bangau yg berbulu putih.

kuntul III Br sj perahu kecil utk membawa barang, yg ditunda oleh kerbau (digunakan di sawah).

kuntum I 1. bunga yg hampir akan mekar (berkembang), kuncup (bunga);

2. ki gadis dlm belasan tahun; **3.** penjodoh bilangan bagi bunga: *beberapa ~ bunga;*

berkuntum tumbuh (keluar) dlm bentuk kuntum: *bunga ~ di dahan;*

menguntum 1. sbg kuntum, mulai berkembang (menjelma), menjadi kuntum; **2.** ark berkuntum di: *~ dahan berkuntum di dahan;*

3. ki mula tersenyum: *senyuman di bibir Teh Junus ~ melambangkan tidak ada apa-apa yg dia tahu;*

menguntumkan ki memberikan (melemparkan) sesuatu (senyuman): *dia mendengus kasar sambil ~ sebuah senyuman sinis; dia mendengus kasar sambil ~ sebuah senyuman sinis;*

terkuntum mulai berkembang (bunga);

kuntuman bentuk-bentuk kuntum: *pakaian biru bertaburan dgn ~ bunga-bunga.*

kuntum II kudung: *jari ~.*

kuntung tocang (rambut yg panjang beranyam), kucir.

kunyah; mengunyah 1. melumatkan (menghancurkan) makanan dlm

mulut dgn gigi sebelum menelannya, memamah: *tanganku menyuap nasi lagi, mulutku ~ perlahan-lahan;* **2.** ki memikirkan baik-baik,

meneliti (ajaran, kata-kata, dll): *segala ajarannya hendaklah dikunyah dan diambil mana yg baik;* **3.** ki memakan, menelan: *usia tua telah ~ hidupnya sejak suaminya meninggal dunia;* **4.** =

mengunyah-ngunyah ki menyebut (memperkatakan) berulang-ulang, selalu membangkit-bangkitkan: *janganlah dikunyah-kunyah lagi perkara itu;*

mengunyah mengunyah utk (orang lain);

terkunyah 1. (telah) dikunyah: *Milah membiarkan nasi yg masih ada dlm mulutnya ~*; **2.** mengunyah dgn tidak sengaja;

~ di batu ki buruk nasib, malang, sial; *~ di nasi* ki bernasib baik, beruntung, mujur;

kunyah sesuatu yg sudah dikunyah.

pengunyah perbuatan (proses dsb) mengunyah: *gigi berfungsi memotong dan menyalat makanan menjadi potongan-potongan kecil utk memudahkan ~*.

kunyam Mn kempung, caung (pipi).

kunyit I = *~ terus* = *temu* ~ sj tumbuhan (rizomnya dijadikan bahan pencelup dan rempah), *Curcuma domestica (longa)*; *beras (nasi) ~* beras (nasi) yg kuning warnanya (kerana dibubuh air kunyit); *~ bolai* sj tumbuhan (herba), bolai, bongelai, *Zingiber cassumunar*; *~ jawa* sj tumbuhan (pokok renek), jarak belanda, kesum, kesumba keling, *Bixa orellana*; *~ teras hitam* sj tumbuhan (herba), bersih hitam, lampoyang hitam, *Zingiber ottergii*;

bagai ~ dgn kapur prb lekas atau mudah berlaku (mesra, berpadu, dll); *kuning oleh ~, hitam oleh arang* prb orang yg tidak berpendirian tetap dan dapat dihasut (dipengaruhi) oleh orang lain; *tidak resan ~ resan serai* prb tidak ada perhubungan keluarga antara dua orang.

kunyit II; *~ selayang* sj burung, *Oriolus chinensis*; *~ senja* sj burung, *Oriolus xanthonotus*.

kunyit-kunyit I sj ikan laut; a) *Lutjanus spp.*; b) kuning-kuning, *Lutjanus letianus*; c) kuning-kuning, remung, *Lutjanus lineolatus*; d) kuning-

kuning, tanda, *Lutjanus kasmira*; e) kuning-kuning, tanda jalur, *Lutjanus fulviflamma*.

kunyit-kunyit II = ~ *babi* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Coscinium wallichianum*; akar ~ a) sj tumbuhan (akar memanjat) akar cina, akar kuning, *Limacia oblongata*, b) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kusir, berkunyit, *Tiliacora triandra*.

kunyuk Jk **1.** sj kera (monyet); **2.** ki orang yg bodoh atau tidak sopan.

kuorum bilangan paling kecil (anggota atau ahli) yg mesti hadir bagi membolehkan mesyuarat diadakan secara rasmi dan sah.

kuota bilangan maksimum sesuatu yg diperuntukkan, dibenarkan atau ditetapkan, spt kereta yg diimport dan pekerja asing yg boleh dibawa masuk ke sesebuah negara: *kerajaan mengenakan ~ ke atas eksport bijih timah; pihak berkuasa Saudi tahun ini mula menetapkan ~ jemaah haji dr setiap negara Islam.*

kup □ □ **kudeta.**

kupak Mn pecah, patah, rosak: *pintunya ~;*

berkupak pecah (peti dll), terbuka (rosak);

mengupak memecahkan, merosakkan, mematahkan: ~ *kunci pintu;*

kupakan pecahan, serpihan.

kupang I 1. sj mata wang zaman dahulu yg berbeza-beza nilainya (menurut daerahnya); *se~* sepuluh sen (di utara Semenanjung Malaysia), 12 sen (di Kelantan), 50 sen (di Pahang dll); *se~ tera* sepuluh sen; **2.** Kd memberi upah (mengupah) utk membuat kerja; **3.** sj ukuran berat emas (sama dgn kira-kira 1/16 tahlil): *apa bicara Seri Nara Diraja, kerana emas pd kita se~ pun tiada?; pitis se~ genap, hendak membeli kancah berkerawang, nuri pandai berkata prb*

orang miskin yg tidak berkemampuan hendak berbelanja spt orang kaya.

kupang II 1. sj siput, *Mytilus spp.*; **2.** sj siput, *Modiola sp.*

kupang III; *daun* ~ sj tumbuhan (herba yg daunnya digunakan utk mengubati penyakit kulit dll), daun kurap, gelenggang, *Cassia alata*.

kupas; mengupas 1. membuang atau mengopak kulit (buah-buahan), menguliti, mengopek: ~ *kelapa*; ~ *limau*; **2.** mengkaji dan menghuraikan dgn teliti (karangan, pendapat, persoalan, dll), mengulas, menganalisis: *banyak masalah yg dikupas oleh penulis telah dibincangkan sebelumnya*; **3.** = **mengupaskan** ki menanggalkan (melucutkan) pakaian orang, menelanjangi;

mengupaskan 1. mengupas (mengopek) utk; **2.** ki menelanjangi;

terkupas 1. terkopek (kulitnya), lecet: ~ *sedikit kulit lututnya kerana jatuh di jalan raya*; **2.** sudah dikupas: *akan santapan raja China, beras yg sudah ~ itu lima puluh gantang China*;

kupasan 1. sesuatu yg sudah dikupas, hasil mengupas; **2.** huraian ulasan, analisis: ~ *buku ini berupa ikhtisar yg agak panjang lebar disertai dgn komentar*;

pengupasan perihal mengupas, pengulasan, penghuraian;

pengupas 1. alat utk mengupas; **2.** orang yg mengupas sesuatu spt kulit buah-buahan dsb; **3.** orang yg membuat ulasan (spt buku dsb), pengulas, penganalisis.

kupat; ~-*kapit* Jk **1.** berkibas-kibas (ekor dll); **2.** terkelepai, terkulai dan berbuai-buai.

kupel kubah.

kupi sj tabung (tempat mengisi ubat bedil dll).

kupil; mengupil = ~ *jagung* menanggalkan biji jagung drpd tongkolnya.

kuping I telinga: *bunyi mesin taip memekak* ~.

kuping II kulit nipis atau selaput yg menjadi keras atau kering pd luka (kudis dll); **keropeng, keruping.**

kuping III; ~ *besi* sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat ubat sakit perut), hati-hati ketan, tampah besi, tampang besi (merah), tampung besi putih, *Callicarpa cana*; ~ *tikus* sj cendawan (boleh dimakan), *Auricularia spp.*

kupir bp tukang menggunting pakaian.

kupit Kl **1.** bakhil, kedekut, kikir; **2.** tidak lebar (tidak cakah), sempit, tirus.

kuplet (kuplét) bait puisi yg terdiri drpd dua baris: *imej 'angin' dan 'kilat' dlm ~ kedua membawa dimensi rohaniah.*

kupluk sj kopiah.

kupoi sj tumbuhan (pokok yg buahnya boleh dimakan), pupoi, *Connaropsis griffithii.*

kupon 1. kertas kecil bercetak yg memberi seseorang hak utk mendapat potongan harga bagi sesuatu bayaran atau perkhidmatan ataupun dgn percuma: *beginilah di Cheko, setiap orang mengunjungi restoran dgn ~ dlm saku; isilah ~ ini utk mendapatkan buku percuma;* **2.** Id surat kecil yg menunjukkan faedah (bunga) yg diperoleh (dr bon dll); *pajak* ~ cukai yg dikenakan pd bunga yg diterima.

kupronikel (Kim) aloi tahan kakis, mulur (terdiri drpd 70% kuprum, dan 30% nikel) digunakan pd bilah turbin, duit perak, dll.

kuprum (Kim) sj unsur logam kemerah-merahan yg boleh ditempa, atau dilentur dan dapat digunakan sbg pengalir elektrik yg baik, tembaga.

kupu Ar kufu.

kupu-kupu I sj serangga dgn kepak yg berwarna-warni dan tertutup rapat sewaktu rehat, dan tergolong dlm order Lepidoptera; ~ *malam* ki perempuan jahat, pelacur.

kupu-kupu II 1. sj tumbuhan (pokok renek), bunga perak, *Bauhinia acuminata*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek yg kayunya keras dibuat hulu keris dll), *Bauhinia tomentosa*.

kupuh sj tumbuhan (pokok memanjat), akar cuis, akar kayu manis, akar tebu gajah, *Acacia pennata*.

kupur; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek yg akar dan daunnya dibuat ubat); a) asam susuh, lidah kucing, *Rubus alceifolius*; b) akar balik adap, akar bulan madu, akar duri berumbet, *Rubus glomeratus*; c) duri berumbet, tampu rengat, *Rubus moluccanus*.

kur 1. bunyi burung tekukur; **2.** sr kata utk memanggil ayam.

kura limpa.

kurai urat atau garis-garis pd kayu (batu marmar dll), corak (gambar, barik-barik) pd bilah keris dll yg berpamor;

berkurai berurat atau berbarik-barik (kayu bilah keris dll):
disisipkan pula keris yg bernama cerita, lok sembilan belas, ~ pamor ular lidi menyeberang tasik.

kura-kura 1. sj binatang reptilia dlm keluarga yg mempunyai kulit yg keras di belakangnya dan dapat hidup di air dan di darat; jenis-jenis:
~ *bukit* = ~ *duri*, *Heosemys spinosa*; ~ *daun*, *Cyclemys dentata*; ~ *gergasi*, *Geochelone gigantea*; ~ *katup* = ~ *padi*, *Cuora ambionensis*; ~ *paya*, *Siebenrockeilla crassicolis*; **2.** = **kekura** sesuatu yg menyerupai binatang kura-kura; *kunci* ~ kunci gantung; ~ *jendela* bingkai jendela; ~ *kaki* bahagian kaki yg melengkung di

antara buku lali dan jari, punggung kaki; ~ *tangan* bahagian tangan yg kebalikan tapak tangan, punggung tangan;

~ *dlm perahu* prb perbuatan yg bodoh; ~ *pandai kerebat kayu* = *spt*

~ *hendak memanjat pohon kayu* prb orang yg hendak melakukan sesuatu yg mustahil dapat dilakukannya.

kurambit □ **kerambit**.

kuran sj tumbuhan (pokok), asam keranji, keranji burung (padi), *Dialium indum*.

kurang **1.** tidak atau belum sampai kpd angka (ukuran, takat, dll) yg tertentu, tidak atau belum cukup (genap, lengkap, sampai, tepat, dll): *tidak dapat dibayarnya harga tersebut kerana wangnya ~; sudah pun disusun rancangan mengirim pekerja-pekerja ke tempat-tempat yg ~ tenaga buruhnya*; **2.** utk menyatakan bilangan atau banyaknya yg belum cukup utk mencapai jumlah genap yg tertentu, tersedikit sebanyak (satu, dua, dll) utk menjadi atau mencapai (sesuatu jumlah dsb): ~ *dua seratus* dua lagi cukup atau genap seratus; ~ *dua tahl empat kati* dua tahl lagi menjadi empat kati; **3.** lebih rendah atau sedikit drpd sesuatu apabila diperbandingkan: *banyaknya hasil padi tahun ini ~ drpd hasil tahun lepas; nilai barang-barang yg diimport ~ drpd yg dieksport; bertambah ~* menjadi makin kurang (drpd keadaan sebelumnya); **4.** tidak berapa (baik, maju, sihat, dll), tidak begitu; ~ *maju* tidak berapa maju; ~ *manis* a) tidak berapa manis (kerana tidak cukup gulanya, agak tawar; b) tidak berapa manis atau tertib (bkn tingkah laku dsb), kurang sopan; ~ *mengerti*; ~ *pasti*; ~ *percaya*; **5.** tidak sempurna (terdapat kelemahan dsb), cacat, cela: *cerpen itu tidak dapat disiarkan kerana banyak ~nya*; **6.** Id ditolak, diambil: *lima ~ satu tinggal empat*; ~ *adat* tidak sopan; ~ *ajar* tidak

sopan, buruk (kasar) budi pekertinya; ~ *akal* a) bodoh; b) agak gila; ~ *asam* bp kurang ajar; ~ *bahasa* tidak bersopan santun, tidak halus budi bahasanya; ~ *beres* a) tidak berapa beres; b) agak gila sedikit; ~ *darah* penyakit atau keadaan tubuh yg lemah disebabkan tidak cukup darah dlm tubuh; ~ *fikir* tidak difikirkan (dikaji) betul-betul; ~ *hati* tidak berminat; ~ *ingat* a) tidak berapa ingat; b) kurang hati-hati, kurang berjaga-jaga; ~ *jadi* tidak berapa banyak atau memuaskan buahnya atau hasilnya (bkn pokok buah-buahan, padi, dll); ~ *jantan* pengecut, penakut; ~ *lebih* = *lebih* ~ kira-kira, di sekitar (sesuatu angka dll); ~ *makan* (*minum, tidur, dsb*) tidak cukup makan (minum, tidur, dsb); ~ *periksa* tidak tahu (sesuatu perkara, keadaan, dsb); ~ *sara* Kl agak gila sedikit; ~ *tenaga* a) tidak mempunyai tenaga atau kekuatan; b) tidak cukup pekerja; ~ *terima* (*penerimaan*) tidak berapa menyambut baik (tidak berterima kasih), tidak senang; ~ *umur* belum cukup umur, belum mencapai umur yg ditentukan (utk sesuatu);

~ *kerat, rengkuh* yg *lebih* prb usaha tiada seberapa, hanya cakap yg lebih; ~ *tambah-menambah, senteng bilai-membilai* prb sesuatu pekerjaan hendaklah dikerjakan bersama-sama (dgn bergotong-royong) supaya sempurna;

kurang-kurang **1.** sekiranya kurang (tidak cukup atau memadai), jika tidak: ~ *laku barang ini rugi besar nanti*; **2.** sangat kurang, makin kurang: ~ *dikerah orang, lebih-lebih ia hendak datang*;

sekurang-kurangnya **1.** paling kurang, yg tersedikit, serendah-rendahnya: *perbelanjaan yg diperlukan utk melaksanakan rancangan itu ~ satu juta ringgit; kebanyakan penduduk di sini memiliki bendang ~ tiga ekar tiap-tiap satu keluarga*; **2.** setidak-

tidaknya: *bagaimana kejam sekali pun mereka, ~ tentu mempunyai belas kasihan terhadap seorang bayi;*

berkurang menjadi kurang, bertambah (makin) sedikit atau susut drpd sebelumnya, bertambah sembuh (penyakit): *pd ketika itu tamu sudah mulai ~ kerana hari sudah jauh malam; penyakitnya ~ sesudah ia berehat;*

mengurang menjadi kurang (susut);

mengurangi menjadikan berkurang (kerapnya, derasnya, hebatnya, dll), menyusuti: *sebuah motokar di sisiku tiba-tiba ~ kecepatan, hampir ia berhenti;*

mengurangkan 1. menjadikan kurang, menyusutkan, memotong (menjadikan sedikit): *rancangan pembangunan negara akan ~ bilangan orang yg menganggur; langkah-langkah kesihatan telah diambil utk ~ bahaya penyakit; 2.* memotong (mengambil, menolak) dr (sesuatu jumlah dsb): *harganya akan dikurangkan 20% jika dibayar tunai;*

terkurang kurang banyak (kuat, lama, dll) drpd, tersedikit drpd: *daya tarikan bumi di Madras, India, adalah ~ sedikit drpd tarikan bumi di Honolulu, Hawaii; sel-sel darah putih itu jauh ~ jumlah bilangannya drpd sel-sel darah merah;*

kekurangan 1. tidak (tidak cukup) mempunyai atau mendapat sesuatu yg diperlukan dll: *kerja-kerja yg dijalankan tergendala kerana pejabat tersebut ~ kakitangan; serba ~ tidak cukup segala-galanya; 2.* perihal atau keadaan kurang (tidak mencukupi): *kemiskinan bukan terbatas kpd ~ makanan dan kebendaan semata-mata; 3.* jumlah yg kurang atau yg menjadikan sesuatu tidak genap (tidak cukup dll), baki: *yg dibayarnya tidak cukup, banyak juga*

~nya; **4.** cacat cela, ketidaksempurnaan, kelemahan: *ia manusia biasa yg mempunyai ~, bukan nabi, bukan malaikat; perhimpunan penulis-penulis itu telah membicarakan beberapa ~ dlm novel-novel Melayu;*

kekurang...an perihal (keadaan) kurang ...: kekurangajaran, kekurangsenangan:

berkekurangan mempunyai kekurangan: *hidupnya tidak ~ dan dapat dikatakan senang juga;*

perkurangan perihal berkurang;

pengurangan perihal atau perbuatan mengurangi (mengurangkan), penyusutan: *~ tentera tidak mungkin dapat dilakukan selagi keadaan belum aman;*

pengurang Id bilangan (angka) utk mengurangi.

kurap I penyakit kulit berjangkit yg berupa tompok-tompok merah dan bulat dan gatal; *~ anjing* kurap yg terdapat pd anjing;

berkurap 1. mendapat (menghidap) penyakit kurap; **2.** ki cacat, buruk.

kurap II; *daun* ~ sj tumbuhan (herba), gelenggang, ketepeng, *Cassia alata*.

kuras I helaian kertas yg digunakan dlm percetakan buku dan dilipat-lipat serta dikerat menjadi beberapa muka.

kuras II Jw; **menguras** membasuh (kolah dll), mencuci (parit dll) dgn mengalirkan air;

pengurasan perihal menguras.

kuras III sj tumbuhan (pokok), kapur, keladan, penak pasir, *Dryobalanops oblongifolia*.

kurasani → **kersani**.

kuratif mempunyai daya (kemampuan) utk menyembuhkan (penyakit dsb), dapat atau menolong menyembuhkan (mengubati).

kurator **1.** pengurus (pemegang amanah) harta benda orang dll yg muflis (jatuh bankrap); **2.** anggota jawatankuasa pengelola (universiti dll); **3.** pengurus atau penyelenggara muzium: ~ *Muzium Negara*.

kurau I sj ikan laut, *Polynemus spp.*; ~ *janggut* sj ikan laut, senangin, *Eleutheronema tetradactylus*; ~ *pipih* sj ikan laut, *Polynemus sextarius*.

kurau II sj tumbuhan (pokok), berumbung, merumbung, riuh, tabah, tentulang, tulang, *Timonius pendicularis*.

kurau III Kl; **mengurau** menconteng (dgn kapur dll), menggaris.

kurawal tanda kurungan (kandungan), { }.

kurbal pengumpul, alabangka.

kurcaci **1.** sj orang halus; **2.** ki (orang yg) suka mengacau (menggangu); **3.** Id pandu puteri (kecil).

kurenah (kurénah) Mn perangai; □ □ □ **kerenah**.

kuret (kurét) (Ubat) sj alat pembedahan seakan-akan sudu kecil yg digunakan utk mengikis tisu atau sel mati, ketumbuhan dsb dr rongga tubuh.

kuria **1.** daerah, kampung yg menjadi asal bagi kampung lain, induk kampung; **2.** (daerah) persekutuan pemeluk agama Kristian Protestan (di tanah Batak dll).

kurik bintik-bintik, rintik-rintik;

berkurik mempunyai bintik-bintik, berintik-rintik; *ayam* ~ ayam yg bulunya berbintik-bintik.

kurikulum skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dll, senarai kesemua mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dll.

kurio barang kecil yg aneh dan jarang-jarang ditemui, biasanya mempunyai nilai bagi pengumpul barang antik atau aneh.

kuripal sj tumbuhan (pokok), durian daun, durian hutan, *Durio oxleyanus*.

kuripan ark; *kapur* ~ kapur yg kering.

kurir utusan atau orang suruhan yg menyampaikan berita dll dgn cepat.

kuririk Mn sj cengkerik.

kuris ark **1.** gores; **2.** kudis.

kurium sj unsur logam yg radioaktif.

kurkum, kurkuma ark kunyit.

kurkun □ □ □ **kerkum**.

kurma I sj tumbuhan (palma) yg buahnya manis dan boleh dimakan, *Phoenix dactylifera*.

kurma II = *gulai* ~ sj gulai yg dibuat drpd campuran rempah dan daging.

kurnia 1. belas kasihan, timbang rasa, kasih: *jikalau ada ~ Duli Yang Dipertuan, patik hendak bermohonlah kembali ke Inderagiri; dgn ~ Allah dgn kasih (Rahim) Allah; 2.* anugerah, pemberian (drpd Allah atau raja) sbg tanda kasih: *hidangan nasi diangkat orang ke tengah balai sbg ~ ayapan baginda;*

mengurniai menganugerahi, memberi, menghadiahi (kerana menunjukkan kasih dll), menyatakan kasih kpd: *maka Tun Bija dgn segala kawannya semua dikurniai betara persalin; manusia dikurniai Allah berbagai-bagai kepandaian;*

mengurniakan menganugerahkan, memberikan (kerana menunjukkan kasih atau penghargaan): *Tuhan yg ~ ilmu kpd manusia; lalu dikurniakan oleh baginda wang yg sebanyak permintaan Pak Kaduk itu;*

kurniaan anugerah, kurnia: ~ *bintang-bintang kehormatan semuanya atas nama baginda;*

pengurniaan perihal atau perbuatan mengurniakan: *upacara ~ bintang-bintang kehormatan;*

pengurnia yg mengurniakan sesuatu: *Allah Yang Maha Besar dan Penyayang, P~ segala nikmat dan kesenangan kpd sekalian hamba-Nya.*

kurrat Ar cahaya.

kursani → **kersani**.

kursemangat 1. kembalilah semangat (seruan utk menghilangkan rasa takut pd budak yg terperanjat dll); **2.** sr kata utk melahirkan perasaan hairan (terkejut, sayang, dll): ~, *banyaknya!; kalau dilonggokkan orang sekarung intan sekalipun, ~, takkan kakak samakan dgn sayang kakak ini!*

kursi 1. jawatan profesor di universiti: *suatu ~ pengajian komunikasi di UKM akan diwujudkan utk meningkatkan pengetahuan dan kecekapan para wartawan dan pengamal media; Ketua Menteri Sarawak telah melancarkan K~ Kajian Dayak di Universiti Malaysia Sarawak;* **2.** Id kerusi.

kursif IB = *tulisan ~ tulisan yg huruf-hurufnya berangkai (bersambung) antara satu dgn lain, tulisan sambung (bersambung).*

cursor (Komp) aksara yg digunakan sbg penanda kedudukan semasa pd tabir paparan komputer (biasanya aksara bongkah berkelip-kelip).

kursus pelajaran mengenai sesuatu perkara (kepandaian, pengetahuan, dsb) yg diberikan dlm jangka masa yg agak singkat: ~ *penerbitan buku selama seminggu; ~ tiga bulan dlm bidang pentadbiran;*

~ *buta huruf* kursus bagi orang dewasa yg tidak tahu menulis atau membaca; ~ *gaya pos* sistem belajar secara persendirian yg panduan dan notanya diberikan oleh institusi yg berkenaan melalui perkhidmatan pos; ~ *haji* kursus yg berkaitan dgn selok-belok ibadat haji bagi orang yg akan menunaikan fardu haji di Mekah; ~ *induksi* kursus khas utk memperkenalkan pekerja, pelajar dsb baru kpd persekitaran organisasi (institusi, pekerjaan, pembelajaran dsb) yg baru sahaja dianggotai atau diceburinya; ~ *kilat* kursus yg sangat singkat; ~ *perkahwinan* kursus pendek mengenai beberapa aspek asas kerukunan berumah tangga dr sudut pandangan Islam yg harus diikuti, terutamanya oleh bakal pengantin; ~ *pertanian* kursus mengenai pengetahuan bertani; ~ *politik* kursus mengenai perkara-perkara (selok-belok) politik;

berkursus mengikuti (mengambil bahagian dlm) kursus; ~ *kpd* bp belajar (berguru) kpd;

dikursus bp diajar;

dikursuskan bp diajarkan.

kuruh Br bunyi nafas orang yg berdengkur.

kurun jangka waktu seratus tahun, abad: *orang Eropah mula sampai ke Melaka hampir lima ~ yg lampau*; ~ *Masihi* kurun yg mula dihitung sesudah lahirnya Nabi Isa; ~ *yg kesembilan belas* jangka waktu dr tahun 1801 hingga tahun 1900;

berkurun-kurun beratus-ratus tahun, berabad-abad: *adat yg sudah ~ dianuti tidak mudah dapat dihapuskan*.

kurung I 1. = **kurungan** sj kandang atau sangkar: *Raden ini sedang membuat kurungan utk binatang-binatang*; **2.** = **kurungan** penjara, bilik (tempat) orang salah ditahan: *dia lebih lagi berdukacita*

sekarang, duduk di dlm kurungan di penjara itu; 3. = tanda ~ = (tanda) kurungan tanda dlm tulisan yg berupa keluk atau garis melengkung dll utk melingkungi (mengasingkan) perkataan atau nombor yg tertentu: dua kali jumlah x dgn y boleh ditulis dgn menggunakan kurungan menjadi $2(x + y)$; 4. ruang yg berdinging, bilik (dlm perahu): mereka dibawa berjumpa nakhoda dlm ~ di haluan kapal;

~ bajau = ~ beranda sj bilik dlm kapal; ~ batang Jk usungan mayat; ~ kelengkeng, ~ laut, ~ tengah beberapa bahagian (ruang) pd sj alat menangkap ikan;

berkurung 1. tinggal (berada) di dlm rumah atau di bilik sahaja, berpingat (di rumah): *dia ~ sahaja di bilik tidurnya semenjak petang tadi; perintah ~ perintah (oleh kerajaan) yg mengarahkan orang ramai supaya tinggal di rumah dlm jangka waktu yg tertentu; 2. memakai (berada dlm) tanda kurung (bkn perkataan, nombor, dll): kata yg ~ itu lebih baik dibuang sahaja; 3. Br dibendung, diempang (air);*

mengurung 1. menahan atau memasukkan ke dlm penjara dll, membiarkan atau menyuruh tinggal di rumah sahaja (tidak membenarkan keluar): *beberapa tahun mereka ~ dan menyeksanya dlm penjara; orang tua-tua yg sering kali ~ anak gadis mereka; 2. mengepung (mengelilingi) musuh dll utk menawannya (menyerangnya dll); 3. menulis (meletakkan) dlm tanda kurung (perkataan, nombor, dll); 4. Br membendung atau mengempang (air);*

terkurung terpenjara, terkongkong (dlm rumah dll), tertutup (terlengkung) dlm ruang dll, terkepung: *gadis pemalu yg ~ dlm*

rumah sepanjang hari; paru-paru ~ di dlm suatu tempat yg tidak dapat ditembusi oleh udara; ~ fahamnya sempit (picik) pengetahuannya atau pemikirannya;

kurungan 1. kandang (kambing dll), sangkar (ayam dll); 2. bilik tempat menahan orang salah, penjara; 3. pagar yg melingkungi; 4. tanda kurung;

pengurungan perihal atau perbuatan mengurung.

kurung II; *baju ~ sj baju (pakaian) tradisional orang Melayu (dipakai oleh wanita), bertebuk bulat di leher dgn sedikit bukaan di bahagian dada, berlungan panjang, dan berpesak di kiri kanan: dia kelihatan ayu dgn ~ merah jambu itu.*

kurus 1. kurang berdaging (tubuh dll), tidak gemuk atau gempal: *kerana terlalu bersedih hingga tidak lalu makan, tubuhnya menjadi semakin ~; ~ kekek K1 terlalu kurus; ~ kering terlalu kurus; ~ kesin Kd kurus kering;* 2. tidak subur (tanah): *tanah negeri itu sangat ~; memperlihatkan ~ tidak berbaju prb mendedahkan kemiskinan kita kpd orang;*

mengurus menjadi kurus, merana;

menguruskan menyebabkan kurus, membuat supaya kurus: *kurang makan dan tidur boleh ~ badan;*

kekurusan 1. perihal kurus; 2. sangat kurus.

kuruyuk Jk berkokok (ayam).

kus bunyi kucing (spt bunyi mendengar); □ □ □ **dekus**.

kusa sj tongkat yg berhujungkan kait besi (utk mengendalikan gajah), angkus, angkusa: *maka Raja pun naik di kepala gajah memegang ~ emas;*

mengusa mengendalikan (mengawal) gajah dgn kusa.

kusa-kusa; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpun yg dijadikan makanan ternakan), *Echinochola colona*.

kusal; **mengusal** menggosok-gosok dgn menggolek-golekkan benda yg bulat (spt menggolek-golekkan tembakau yg bulat di mulut), menggolek-golekkan sesuatu di antara kedua-dua tapak tangan (utk menjadikannya bulat).

kusam pudar (tidak berkilat atau bercahaya), tidak berseri-seri (muka), suram, muram: *semua bintang itu ~ dan kumal; perempuan muda itu pun tersenyum dan warna mukanya yg ~ itu jadi berseri-seri pula; pucat ~ pucat lesi, sangat pucat;*

kekusaman keadaan (rupa dsb) yg tidak cerah (berseri-seri dsb), kepedaran, kesuraman: *cat yg dulu bercahaya kini penuh ~.*

kusambi □ □ □ **kesambi.**

kusat; ~-mesat sangat kusut; □ □ □ **kusut I.**

kusatom molekul.

kusau; *kusut*-~ sangat kusut (rambut);

berkusau, berkusau-kusau kusut (rambut), tidak bersikat dgn rapi (rambut): *segumpal rambutnya berkusau-kusau di keeningnya dan sehelai-helai terjuntai bergantung ke pipinya yg kusam.*

kusi; *pinang* ~ pinang yg tua dan kering, pinang kotai.

kusik Mn; **berkusik** bergerak (berkisar) sedikit.

kusin; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kunyit-kunyit, berkunyit, *Tiliacora triandra*.

kusir pemandu (kereta, beca, dll), sais: *kereta kuda itu dihentikan oleh ~nya.*

kusta = *penyakit* ~ sj penyakit yg merosakkan kulit atau daging dgn menyebabkan bahagian-bahagian anggota atau tubuh pecah-pecah dan bernanah dan merosakkan jari-jari tangan dan kaki.

kusti; berkusti sl bergusti, bergomol.

kusu I; berkusu-kusu berduyun-duyun, berekor-ekor dgn berkelompok-kelompok (spt penonton yg keluar beramai-ramai dr panggung wayang), berpusu-pusu: *jamuan sudah habis dan tetamu turun ~ dr rumah itu pulang ke rumah masing-masing.*

kusu II ark; **berkusu-kusu** berbisik-bisik.

kusu-kusu sj tumbuhan (rumput), akar wangi, naga (nara) setu, rumput wangi, *Vetiveria zizanioides*.

kusuk Mn; *daun* ~ sj daun yg digosokkan pd badan ketika mandi;

berkusuk menggosok badan dgn daun ketika mandi;

mengusuk menggosok.

kusum sj tumbuhan (pokok renek), cerek jantan, embalau (padang), hempedu beruang, serajat, sisik manik, *Brucea amarissima (sumatrana)*; *rumput* ~ sj tumbuhan (rumput), rumput cicih (minyak), rumput duduk, *Daemonorhops calicarpus*.

kusut I = berkusut 1. bersimpul-simpul dgn tidak berketentuan hingga susah hendak dicerai-ceraikan (bkn rambut, benang, dll), tidak kemas atau bersikat rapi (bkn rambut seseorang): *rambutnya ~ kerana ditiup angin yg kencang*; **2.** ki tidak teratur atau tenteram (keadaan, fikiran, dll) kacau, rumit: *kedudukan perkara itu terlalu ~ dan tidak mudah diselesaikan; fikirannya kian ~ memikirkan berbagai-bagai masalah; ~-kasau = ~-masai = ~-murut = ~-musut* sangat kusut;

~ *diselesaikan, keruh diperjernih* prb persengketaan hendaklah diselesaikan (didamaikan); ~ *di hujung lari (bawa) ke pangkal* prb apabila perundingan menemui jalan buntu haruslah segera balik ke punca (ke asal) masalah; ~ *hujung dgn pangkal kerana salah memulai* prb tidak sempurna pekerjaan yg dibuat kerana salah memulakannya; *tidak ada ~ yg tak selesai* prb tidak ada pertikaian yg tidak dapat diselesaikan;

berkusut-kusut tidak berhias diri (kusut rambutnya dll);

mengusut menjadi kusut;

mengusutkan **1.** menjadikan kusut (benang dll); **2.** ki merumitkan atau mengacaukan (sesuatu keadaan, fikiran seseorang, dll), merusuhkan (hati): *perkara-perkara yg ~ keadaan politik negeri itu; ia hendak melupakan segala kejadian yg ~ fikirannya itu;*

kekusutan perihal (keadaan) kusut, kerumitan (perkara), kekalutan, kekacauan (fikiran dll): *ukuran dan sukatan piawai dapat mengelakkan berlakunya ~ dlm urusan jual beli; kpd Allah diserahkan segala-segala rasa kecewa dan ~ hatinya.*

kusut II Mn; **mengusut** menyiasat dgn teliti; □ □ □ **usut II.**

kusyen sj bantal atau tilam kecil yg digunakan sbg alas kerusi dll: *semua kerusi di bilik itu mempunyai ~ dan tempat bersandar;*

berkusyen memakai atau dibubuh kusyen, ada kusyennya: *duduk di kerusi empuk ~.*

KUSZA akronim bagi Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.

kut Kd, Pn, Pl agaknya, barangkali, kalau-kalau: *dia tak datang ~.*

kutaha ark sl agaknya, rasanya, konon, -kah, -tah.

kutak Mn; **mengutak** menggoncang dgn kuat;

mengutak-ngatikkan, memperkutak-katikkan 1. mengharubirukan, memporak-perandakan (negeri dll); 2. membuat sesuka hati terhadap orang lain, mempermainkan: *dia berasa dirinya sudah cukup kaya dan sudah dapat ~ isi kampungnya; betapa rakyat diperkutak-katikkan spt anak lembu; kotak-katik.*

kutang = baju ~ 1. baju dalam perempuan (utk menutup susu), anak baju, coli; 2. sj baju yg tidak berlungan atau pendek lengannya.

kutat Jk; ~-*kutet* sibuk atau asyik memikirkan beberapa perkara atau masalah.

kuteri ark bilik tidur di kapal.

kutet I Jk; **berkutetan** tidak mudah menyerah (mengaku kalah, berputus harap, dll), giat berusaha supaya berjaya dll.

kutet II; *kutat-~*; □□□**kutat**.

kuti I; **kuti-kuti** ark suka menegur (mengkritik) perkara-perkara kecil; □□□**kutik**.

kuti II Mn; **menguti** mencari (mengoyak) kecil-kecil.

kutik; **berkutik** bergerak sedikit-sedikit: *ia terbaring, tubuhnya kaku, tidak ~ sedikit pun;*

mengutik-ngutik 1. menyentuh-nyentuh (menggerak-gerakkan, mengusik-usik) dgn jari dll; 2. menyebut-nyebut atau mengambil tahu (sesuatu perkara, hal orang, dll), suka mengkritik (kesalahan orang dll); **gutik**.

kutikel (Bio) kulit ari.

kutil sj jerawat atau bintil kecil pd kulit;

sekutil seketil, sangat sedikit;

mengutil mengetil, mengotes, mengunggis, menggigit sedikit-sedikit.

kutilang sj burung; □ □ □ **ketilang**.

kuting ark; **berkuting-kuting** selalu menurut (tidak membantah).

kutip; mengutip 1. memungut benda kecil-kecil (satu demi satu atau sebiji demi sebiji): ~ *buah yg telah gugur; setiap pagi mereka ~ sampah sarap di keliling kawasan sekolah; 2.* memetik (berita dll), mengambil (mencabut) perkataan-perkataan atau ayat-ayat (drpd sesuatu karangan, ucapan, dll): *Clarita telah ~ beberapa potongan pidato Mussolini dlm akhbar-akhbar dan majalah-majalah; 3.* mengumpulkan sesuatu dgn mengambil drpd berbagai-bagai sumber: ~ *maklumat yg lengkap; ~ derma;*

kutipan 1. pungutan (derma dll): *wang ~; 2.* petikan (karangan, cerita, dll): ~ *beberapa fasal drpd undang-undang hukum pidana;*

pengutipan perihal (perbuatan dsb) mengutip;

pengutip orang yg mengutip, pemungut: ~ *derma.*

kutir Kl; **mengutir** mengutil, mengetil, mencubit.

kutis; mengutis mencubit (kuih dll) sedikit-sedikit, mengopek sedikit-sedikit dgn kuku (kuping kudis dll).

kutlet (kutlét) potongan daging atau ikan yg biasanya dimasak dgn cara memanggang atau menggorengnya.

kutu I sj binatang halus (yg terdapat pd rambut manusia, bulu binatang, dll); jenis-jenis: ~ *anjing, ~ babi, ~ daun, ~ kepala, dll;*
~ *air* sj penyakit yg menyebabkan jari kaki gatal-gatal; ~ *embun* orang yg suka merayau-rayau dgn tidak menentu pd malam hari; ~ *jalan* orang yg suka merayau-rayau di jalan dgn tidak menentu; ~ *rayau* orang yg suka merayau-rayau tanpa tujuan, biasanya tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan; *sudah mati* ~ bp sudah hilang kekuatannya, tidak beroleh apa-apa lagi, malu;

(*bagai*) *mencari* ~ *dlm ijuk* prb mengerjakan pekerjaan yg mustahil berhasil; *di mana* ~ *makan kalau tidak di kepala* prb sudah menjadi adat, anak bergantung pd ayah dan yg miskin pd yg kaya; *ibarat* ~ *boleh diselisik* prb sesuatu kesalahan atau tipu muslihat walaupun disembunyikan, akhirnya akan diketahui orang juga; *pantang* ~ *dicukur*, *pantang manusia dihina* prb tidak ada orang yg mahu dihina;

berkutu 1. mempunyai kutu: *rambutnya* ~; **2.** = **berkutu-kutu** mencari kutu di kepala (dgn menyebak-nyebak rambut): *lihatlah inangda ini duduk di muka tangga berkutu-kutu dgn segala dayang*; **berkutu-kutuan** saling menyelisik kepala (utk mencari kutu); **mengutui** mencari kutu (di kepala dll).

kutu II 1. ark sj perkumpulan perniagaan; **2.** sj usaha gotong-royong bagi mengumpulkan wang tiap-tiap bulan dan menentukan giliran orang yg mendapatnya dgn cara mengundi, sinoman, arisan;

berkutu berkumpul, bersyarikat, bersekutu; □ □ □ **sekutu.**

kutub I 1. hujung paksi atau gandar (bumi dll); **2.** (Fiz) pangkalan litar elektrik, sama ada punca positif atau negatif; **3.** (Fiz) pengalir atau litar yg membawa arus masuk;

~ *bumi* bahagian di utara dan selatan bumi pd kedua-dua hujung paksi bumi; $K\sim Janubi = K\sim Selatan$ kutub di selatan bumi; ~ *magnet* kedua-dua bahagian hujung magnet (besi berani) yg paling kuat kuasa penariknya; ~ *negatif* (Fiz) pangkalan litar elektrik bekalan arus terus yg menerima arus, dgn simbol (-); ~ *positif* (Fiz) pangkalan litar elektrik bekalan arus terus yg mengeluarkan, arus dgn simbol (+); $K\sim Syamali = K\sim Utara$ kutub di utara bumi; *bintang* ~ bintang yg kelihatan di atas kutub bumi;

berkutub ada kutubnya (bkn sel dll);

kekutuban (Fiz) keadaan elektrik sesuatu jasad, sama ada positif atau negatif;

pengutuban 1. (Fiz) proses yg menyebabkan cas positif dan cas negatif dlm sesuatu jasad tersesar apabila jasad itu berada dlm medan elektrik; **2.** (Kim) perubahan kimia yg berlaku dlm sel kering semasa sel itu digunakan, sehingga menyebabkan rintangan dalamannya bertambah dan memendekkan hayat kegunaan sel kering.

kutub II; *burung* ~ sj burung, burung tanau, *Megalaima zeylanicus hodgsoni*.

kutubkhanah bangunan (bilik dll) tempat menyimpan buku dll utk bacaan umum, perpustakaan.

kutuk I 1. perkataan (sumpah) yg mendatangkan kecelakaan, laknat: *tidak guna hidup kena ~ orang sahaja*; **2.** = **terkutuk** ditimpa laknat, dilaknati, celaka, keji: *ia bertaubat tidak mahu melakukan perbuatan ~ itu lagi*;

ke hilir kena ~ sultan, ke mudik kena ~ raja prb kalau melanggar perjanjian atau keputusan yg telah dibuat, akan mendapat akibat buruknya;

mengutuk 1. menyumpah, melaknat: *perbuatan ini buruk padahnya, celaka akhirnya, berdosa besar, dikutuk Tuhan*; **2.** mengatakan atau menganggap keji (buruk, salah, dll), menistai: *Kamallah yg harus dipersalahkan, harus dikutuk dan dihukum; Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu telah membuat keputusan ~ pencerobohan ke atas negeri tersebut*;

terkutuk (yg) dikutuk, dilaknat, keji (hina, cela, dll): *perbuatan yg ~;*

kutukan sumpah (makian, cerca, nista), laknat (dr Tuhan): *kalau saya memungkiri janji saya, maka saya akan menerima ~ Tuhan;*

keterkutukan keadaan terkutuk;

pengutukan perihal (perbuatan, tindakan, dsb) mengutuk (mengeji, mencela, dll): *Parti Komunis Indonesia telah membuat satu ~ hebat terhadap kerajaan Sukarno dan pemimpin-pemimpin tenteranya;*

pengutuk pihak atau orang yg mengutuk.

kutuk II sukatan beras yg sama (banyaknya) dgn empat genggam; *se~ beras basah* prb tidak ada faedahnya.

kutur Tr sj burung bangau.

kuud Ar duduk.

kuwuk Jk; *kucing* ~ kucing yg besar yg makan anak ayam dll.

kuwung pelangi.

kuya I □ □ □ **keria I.**

kuya II (Sunda) sj kura-kura kecil, baning.

kuyu 1. tidak berseri, muram, suram (muka); **2.** = *mata* ~ tertutup sedikit, hampir-hampir pejam (mata): *matanya yg tadi ~ dan mengantuk kini cerah semula;* **3.** = *hati* ~ sedih, dukacita, sayu; **4.** Mn penakut, pengecut;

kekuyuan menjadi kuyu: *matanya ~.*

kuyuh Mn kencing;

menguyuhi mengencingi.

kuyuk ark (kata utk memanggil) anjing.

kuyung sj tumbuhan (pokok), *Shorea eximia.*

kuyup = *basah* ~ basah sama sekali, sangat basah: *basah ~ kena hujan.*

kw kep kilowatt.

Kwijau suku kaum peribumi Sabah dlm rumpun kaum Kadazan Dusun, yg kebanyakannya tinggal di daerah Bingkor, Apin-Apin dan Keningau, dan kegiatan utama ialah bertani.

kwj kep kilowatt-jam.

Kwongsai suku kaum Cina yg berasal dr daerah Kwangsi, selatan China, dan tinggal di merata tempat di dunia.

KWSP kep Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

I I huruf ke-12 abjad Rumi.

I II kep liter (ukuran isi barang cair dll).

la I Kd, Kl, bp sekarang; ~ *ni* sekarang ini.

la II bp lah: *dia belum sampai lagi* ~.

la III bp kata utk menyatakan kehairanan: ~ *mengapa tak datang tadi?*

La simbol kimia bagi lantanum.

laal Ar sj permata yg merah warnanya.

LAAPLN Id kep Lembaga Alat-Alat Pembayaran Luar Negeri.

laba 1. keuntungan (drpd perniagaan, perdagangan, pelaburan, dll):

perniagaan yg diusahakannya itu menghasilkan ~ yg berlipat ganda; 2. faedah, guna, kebaikan: apa ~nya kita bertengkar ini?

~ *modal* (Eko) keuntungan yg diperoleh drpd wang yg dilaburkan dlm sesuatu perniagaan (saham dsb) hasil drpd kenaikan harga; ~ *rugi* a) untung rugi; b) baik buruk; (*pajak*) ~ *perang* Id (cukai yg dikenakan atas) keuntungan yg diperoleh dlm masa perang;

~ *sama dibagi, rugi sama diterjuni* prb bersahabat (bermuafakat) sehidup semati; *belum tahu akan ~ rugi* prb belum tahu akan baik buruk sesuatu hal; *kalau ~ bercikun-cikun, buruk diberitahu orang* prb berdiam diri sahaja sewaktu dlm kesenangan tetapi meminta pertolongan orang lain apabila dlm kesusahan; *mengaut ~ dgn siku* prb orang yg selalu mencari keuntungan yg banyak;

berlaba 1. mendapat atau beroleh laba (keuntungan): *dia ~ berlipat ganda drpd perniagaannya; 2. menghasilkan* (mendatangkan) keuntungan: *perniagaan yg diurusnya itu tidak ~ sedikit pun;*

melabakan, melabai menghasilkan (mendatangkan) keuntungan kpd, menguntungkan: *rancangan itu hanya akan ~ beberapa orang yg telah sedia kaya.*

labah-labah sj serangga berkaki lapan yg membuat sarang dgn menyirat benang yg keluar drpd badannya (dan sarang ini dapat memerangkap mangsanya); jenis-jenisnya: ~ *beruk*, ~ *lotong*, dll; *akal* ~ ki pandai menipu orang; *sebesar* ~ ki pandai menyembunyikan kejahatan (tipu daya); *akal* ~, *di gua buruk suka merakut* prb orang jahat yg suka menipu orang; *berkelahi spt* ~ *dlm gelas* prb perkelahian hebat di tempat yg sempit; *spt* ~ *cinta kpd telurnya* prb kasih sayang atau cinta yg mendalam sekali.

labak I; kelabakan Jk 1. menggelepar-gelepar (spt ayam yg disembelih); 2. kebingungan (spt orang dlm kesusahan).

labak II sj ikan laut.

labang I = *pekak* ~ kurang pendengaran, agak pekak.

labang II; melabang sl berjalan tidak tentu hala: ~*lah puteri itu masuk hutan, keluar hutan, masuk padang, keluar padang.*

labang III Mn; melabang menempa (menitik) logam hingga menjadi lebar.

labang IV; rumput ~ sj tumbuhan (herba), hempedu tanah, lempedu tanah, mempedu tanah, *Curanga felterrae (Curanga amara).*

labas ark habis semuanya, tidak berbaki atau tidak bersisa.

labbaika Ar; *Allahumma* ~ ya Allah, inilah aku (hamba-Mu).

label kepingan kecil kertas (kad dll) yg dilekatkan atau ditampalkan pd sesuatu (spt botol, beg, dll) utk memberikan sedikit keterangan (mis nama, jenis, kandungan, harga, dll);

berlabel mempunyai label: *botol itu tidak* ~;

melabel 1. memberi (mengenakan) label pd sesuatu: *semua barang yg dijual perlu dilabel*; 2. ki mengecap seseorang sbg (mempunyai sesuatu sifat yg tidak baik spt jahat, suka menipu, dsb): ~ *seseorang sbg pengkhianat*;

pelabelan perbuatan membubuh label pd sesuatu (barangan, tulisan, dll): *undang-undang ~ di sektor swasta.*

laberang tali-temali kapal (perahu) utk menguatkan tiang.

labial (Lin) **1.** = *bunyi* ~ bunyi ujaran yg dihasilkan dgn pergerakan bibir, mis /p/, /v/, /b/, /m/; **2.** dihasilkan dgn penutupan bibir sama ada penuh atau separa (bkn bunyi).

labi-labi sj kura-kura, dedari, *Trionyx cartilagineus.*

labil IB tidak tetap, mudah berubah (goyang dll).

labiodental (labiodéntal) (Lin) dihasilkan dgn pergerakan bibir bawah dan gigi atas, mis bunyi /f/ dan /v/ (bkn bunyi ujaran): *bunyi ~.*

labiovelar (labiovélar) (Lin) dihasilkan dgn bibir dan lelangit lembut, mis bunyi /w/ (bkn bunyi ujaran): *bunyi ~.*

labirin (Ubat) bahagian dlm telinga yg mengandungi koklea dan saluran-saluran separuh bulat.

laboran IB orang (ahli kimia) yg bekerja di makmal.

laboratorium IB makmal.

labradorit (Geo) sj mineral feldspar berwarna hijau, biru atau perang kemerah-merahan yg biasanya digunakan sbg batu hiasan.

labrak Id; **melabrak** **1.** memukuli, menghentam; **2.** menyerang hebat (musuh); **3.** ki mengata-ngatai, mencela, mengecam;

labrakan **1.** pukulan, hentaman; **2.** serangan (dgn senjata); **3.** celaan, kecaman.

labu **1.** sj tumbuhan (herba memanjat) dan buahnya berbentuk bulat berwarna jingga; ~ *air* = ~ *putih* sj tumbuhan (herba memanjat), *Lagenaria leucantha*; ~ *air hutan* = *akar ~ air* sj tumbuhan (herba memanjat), akar timun gagak, belistur, daun jari buaya, ketimun, pendendang gagak, *Trichosanthes wallichiana*; ~ *ambun* = ~ *merah* = ~ *parang* sj tumbuhan (herba memanjat), *Cucurbita moschata*; ~ *besar* sj tumbuhan (herba memanjat), *Cucurbita*

maxima; ~ *manis* sj tumbuhan (herba memanjat), *Cucurbita pepo*;
2. = **labu-labu** a) sj buyung, bekas air, kendi; b) benda bulat perhiasan puncak masjid dll; c) Id bakul bulat yg digantung pd tiang di pelabuhan (utk menandakan kapal sudah boleh masuk); **3.** Id sj botol yg besar bulat (berbagai-bagai jenis dan gunanya);
~ *tanah* sj kendi yg dibuat drpd tanah; *mak* ~ perempuan yg mengandung; ~ *dikerbuk tikus* prb gadis yg sudah dinodai (tidak dara lagi);

melabu 1. spt labu bentuknya (bkn perut), gendut, buncit; **2.** menjaram atau memupuk kepala (orang sakit) dgn labu; **3.** = **memperlabu** mempermain-mainkan dgn kata-kata yg manis, memperolok-olokkan, memperdayakan.

labuci kepingan kecil yg bercahaya (berkilauan) dan biasanya digunakan sbg perhiasan pd pakaian (baju, selendang, dll), jemeki;

berlabuci berhias labuci, berjemeki: *baju penyanyi itu ~.*

la bud, la budda Ar tidak salah lagi, pasti, tentu; ~ *pd akal* boleh dipercayai.

labuh I 1. turun atau tergantung ke bawah (bkn kelambu, sauh, tirai, dll):
kainnya ~ hingga menyapu lantai; tauke yg berperut ~ itu duduk menyandar di kerusi malas; **2.** panjang ke bawah atau lebih panjang ke bawah drpd yg biasanya atau seharusnya: *pakaian ~ spt jubah dan gaun panjang; kebaya ~; dia memakai seluar yg ~ dan longgar*; **3.** penjodoh bilangan utk tirai: *tirai se~*;

berlabuh 1. tergantung atau panjang ke bawah (bkn tirai, kelambu, dll); **2.** berhenti atau singgah (bkn kapal, perahu, dll):
setelah kapal itu ~, maka segala nelayan sekaliannya datang berjual ikan pd orang kapal itu;

melabuh 1. menurunkan sauh (kapal dll): *masa belayar kematian angin, sudah dilabuh bayu berpuput*; **2.** Mn beranak (bkn kerbau, lembu);

melabuhkan 1. menjatuhkan atau menurunkan (kelambu, tirai, dll), memanjangkan (pakaian): *setelah baginda naik ke pelaminan maka tirai kelambu pun dilabuhkan oranglah; Tun Hassan Temenggung yg pertama ~ baju Melayu; dia ~ skirtnya*; **2.** menghentikan (kapal, perahu, dll): *dilayarkannya juga Bulang Linggi itu hingga sampai ke Betangan bertentangan dgn istana baginda itu barulah dilabuhkan; ~ kapalnya berhampiran dgn pantai*; **3.** mencampakkan atau membuang ke air (laut dll); ~ *orang* mencampakkan orang ke laut; ~ *pancing* membuang pancing ke air; ~ *sauh* menurunkan sauh, melabuh; **4.** meletakkan: *dia terus berlari ~ punggungnya di atas rumput yg menghijau itu; ~ hukum Id menjatuhkan hukuman (dlm perbicaraan)*;

pelabuhan tempat kapal berlabuh, persinggahan kapal, pangkalan kapal: *sasaran yg pertama ialah kapal-kapal yg berlabuh di ~ Brunei*;

~ *alam* pelabuhan yg kedudukan dan keadaan semula jadinya elok;
~ *bebas* pelabuhan yg tidak mencukai barang yg keluar masuk; ~ *udara Id* padang kapal terbang, lapangan terbang.

labuh II Kd memukul dgn tangan, tabuh.

labun; berlabun, berlabun-labun berbual-bual, berborak-borak, bercakap-cakap;

pelabun orang yg suka berlabun.

labur I; melabur menyapu dgn kapur, mengapur (tembok dll): *maka dilaburnya dgn kapur gemerlapan cahayanya spt kapas terbusur*.

labur II; melabur 1. membekalkan makanan (wang, modal, dll) kpd pekerja dll; **2.** = meletakkan (memberikan, menyerahkan) sejumlah

wang utk sesuatu usaha (spt pengeluaran barang, perniagaan, dsb) dgn tujuan utk memperoleh keuntungan, menanam modal: *rakyat bumiputera diseru melabur dlm Amanah Saham Nasional*;

melaburkan meletakkan (wang) sbg modal (utk perniagaan dll):
dia ~ sebahagian besar wangnya dlm syarikat itu;

pelaburan **1.** jumlah wang (modal dsb) yg dilaburkan dlm sesuatu usaha niaga dsb, penanaman modal; **2.** sesuatu yg dibeli dsb dgn harapan akan mendapat keuntungan yg berlipat ganda, penanaman modal: *pembelian tanah merupakan suatu bentuk ~ yg menguntungkan*;

pelabur **1.** orang yg melabur (menanam modal); **2.** bekalan makanan (wang dll);

~ asing individu atau syarikat dr luar negara yg melaburkan modalnya dlm sesuatu perniagaan dsb; *~ institusi* (Eko) institusi atau organisasi yg mengumpul dan mengurus dana drpd orang ramai utk tujuan pelaburan secara besar-besaran dlm pasaran saham dsb; *~ runcit* (Eko) pelabur individu yg jumlah pelaburannya sangat kecil (hanya beberapa lot saham dsb); *~ habis Palembang tak alah* prb perbuatan yg sia-sia.

labur III; kelaburan ark lubang (utk menangkap binatang).

labut I patut, layak, sesuai: *tidak ~lah buat begitu*.

labut II Kl biasanya, lazimnya.

lacak I; melacak, belacak terlalu banyak hingga berlebih drpd yg sepatutnya (barang dagangan dll), terdapat di merata-rata tempat.

lacak II; melacak meluncur, tidak mengait (sauh dll).

lacet Kl suka bercakap-cakap, banyak mulut.

laci bekas spt kotak yg boleh disorong tarik pd meja dll, anak meja;

berlaci mempunyai laci: *almari ~*.

lacuan ark □□**lokcu**an.

lacur 1. tidak jadi, gagal, malang, sial; 2. buruk laku, sundal (perempuan); *apa* ~ apa boleh buat; *perempuan* ~ perempuan jalang, perempuan sundal;

melacur mencari nafkah dgn melibatkan diri dlm perhubungan kelamin secara haram, menyundal, menjual (kehormatan) diri: *dia* ~ *atas desakan hidup*;

melacurkan; ~ *diri* melacur, menyundalkan diri: *perempuan itu* ~ *dirinya sejak lima tahun yg lalu*;

pelacuran perihal (perbuatan) melacurkan atau menjual diri, persundalan: *dia terjun ke dlm dunia* ~ *yg dia sendiri memang amat takut*;

pelacur perempuan sundal (yg melacurkan diri), perempuan jalang; ~ *terhormat* pelacur drpd kalangan orang yg tinggi taraf kedudukannya dlm masyarakat (biasanya tidak diketahui umum).

lacut Mn; **melacut** memukul (dgn cemeti, rotan, dll), menyebat; □ **lecut**.

lada 1. sj tumbuhan herba (buahnya pedas dan biasanya dicampur dgn rempah); ~ *benggala* lada yg berbentuk bulat berwarna merah atau hijau yg mempunyai rasa pedas manis dan digunakan sbg salad atau sayur; ~ *berekor* sj tumbuhan (herba), kemukus, *Piper cubeba*; ~ *hitam* lada yg kulitnya tidak dibuang, *Piper nigrum*; ~ *payung* sj tumbuhan (herba), cabai jawa, *Piper retrofractum*; ~ *rimba* sj tumbuhan (herba), akar kalung gajah (ular), sirih murai, *Piper ribesoides*; ~ *sulah* = ~ *putih* lada yg telah dikeringkan dan dibuang kulitnya, merica, *Piper nigrum*; 2. sj tumbuhan (herba dan buahya), cabai, lombok; ~ *api* = ~ *kecil* = ~ *kerawit* = ~ *melaka* Kd = ~ *padi* Id sj tumbuhan (herba), cabai burung, cabai rawit, *Capsicum frutescens*; ~ *besar* = ~ *congcong* = ~ *merah* sj tumbuhan (herba), cabai seberang, cabai selasih, *Capsicum annuum*; ~ *kering* cabai merah yg telah dikeringkan, cili kering,

cabai kering; **3.** sj tumbuhan (pokok renek); ~ *pahit* sj tumbuhan, melada pahit, embalau, *Brucea amarissima*; *kayu* ~ sj tumbuhan, akar berangan, *Dalbergia parviflora*; ~ *api* (*padi*, *kutuk*) ki orang yg berbadan kecil tetapi berani; **4.** bp menggosokkan cili pd mulut dsb seseorang (kerana terlalu marah terhadap apa yg telah dicakapkannya dsb), cabai, cili: *jangan lancang sangat engkau bercakap nanti aku ~ mulut, baru kau tahu*;

belum tahu dipedas ~ prb belum banyak pengalaman (masih mentah); *burung terbang dipipiskan* ~ prb sudah bersedia utk mengharapkan hasil yg belum diperoleh; *kecil-kecil* ~ *api*, *besar-besar limau abung* prb biar kecil tetapi berani drpd besar tetapi penakut; *siapa makan ~ dialah berasa pedas* prb orang yg bersalah akan berasa tersindir kerana kesalahannya;

berlada dibubuh lada (cabai, cili), bercabai, bercili: *kuah* ~;

meladai membubuh lada pd (gulai dll).

ladah Mn jijik, kotor.

ladaian sj alat penangkap ikan, bubu.

lada-lada sj tumbuhan (pokok), *Tabernaemontana penduncularis*.

ladam **1.** besi lapik kaki kuda, besi tapak kuda; **2.** = ~ *kasut* sj besi yg dipasangkan pd tapak kasut utk menghasilkan bunyi sewaktu berjalan;

berladam **1.** mempunyai ladam (kuda): *tapak kaki kuda itu tidak* ~; **2.** berpasang ladam (bkn kasut): *kasut baharunya* ~;

meladamkan memasang ladam (pd tapak kaki kuda, pd tapak kasut): ~ *kasut*.

ladan; *minyak* ~ sj minyak (perekat) yg dibuat drpd sj damar; *setanggi* ~ colok Cina.

ladang **1.** kawasan yg ditanami (padi, ubi, jagung, dll) dgn tidak diairi, huma, tegal; ~ *padi* huma; ~ *tinggal* ladang yg tidak diusahakan

lagi; **2.** kebun yg luas, estet, perkebunan (lada, teh, getah, dll):
sebuah ~ getah luasnya 800 ekar;

~ yg mempunyai prb perempuan yg sudah berkahwin; lain ~ lain belalang, lain lubuk lain ikannya prb tiap-tiap negeri itu berlainan aturan dan adatnya; merentak di ~ orang prb bersuka-suka memakan atau memakai harta orang tetapi tidak ingat akan kerugian orang itu;

berladang membuat (membuka, mengusahakan, memiliki) ladang:
~ , bertanam ubi atau pisang itu sudah lama dikerjakannya; ~ tidak setelempap jua kan tempat kuririk menggelonggong prb kemiskinan yg amat sangat;

memperladang, memperladangkan membuka tanah utk membuat ladang, menjadikan ladang: *kawasan hutan yg diperladang orang makin bertambah;*

perladangan 1. kawasan (tempat) orang berladang: *~ orang dusun itu habis binasa dirosakkan oleh babi; 2.* perihal berladang, kaedah bercucuk tanam di ladang;

peladang orang yg menyelenggarakan ladang, petani: *maka adalah di peminggiran negeri raja itu seorang ~ tiga beranak.*

laden (ladén) Jw; **meladeni 1.** melayani, mempedulikan: *sangatlah sibuk pedagang-pedagang itu ~ pembeli; 2.* membalas (menyahut, menerima, mengendahkan) ajakan (serangan dll): *ia berasa dirinya terlalu agung utk ~ ejekan dan cemuhan itu;*

ladenan layanan;

peladenan perihal meladeni (melayani), pelayanan;

peladen orang yg meladeni, pelayan.

ladengklerek (ladéngklérék) IB orang yg menjaga muatan kapal.

ladi; *orang ~ bangsa sakai (yg juga bererti pengiring).*

ladih □ **dadih.**

lading I; *parang* ~ sj parang yg lebar dan melengkung di tengah-tengah; ~ *tajam sebelah* prb orang yg mahu menerima sahaja tetapi tidak mahu memberi; ~ *tak tahu akan majalnya* prb orang yg tidak insaf akan keadaan dirinya; *belakang (punggung)* ~ *kalau diasah lama-lama tajam juga* prb orang bodoh kalau diajar dgn baik akan menjadi pandai juga; *mencencangkan* ~ *patah* prb berbangga dgn sesuatu yg tidak ada harganya (yg telah hilang harganya); *memakuk dgn belakang (punggung)* ~ prb membuat permintaan atau pertanyaan yg menyakiti hati orang.

lading II; *perahu* ~ sj perahu kecil yg panjang bentuknya (dibuat drpd sebatang kayu).

lading III IB muatan kapal.

ladu I Jw tanah (pasir, lumpur) drpd gunung berapi.

ladu II; *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd tepung beras.

ladung I tidak meleleh atau mengalir (spt embun di atas daun dll), bertakung;

berladung dipenuhi oleh (air mata dll), dibasahi; *bunga* ~ *si air mata* bunga dibasahi (disirami) oleh air mata;

berladungan (dlm) keadaan berladung: *kedua-dua kelopak matanya* ~ *dgn air mata*;

meladungkan ark menyiram, menjirus.

ladung II; *batu* ~ timah utk pemberat kail dll, batu ajuk; ~ *bandul* pemberat bandul (supaya tetap ayunannya); □□**batu**.

laduni Ar; *ilmu* ~ ilmu mengenal nama dan sifat Allah yg dianugerahkan-Nya kpd hamba-Nya.

lafaz Ar **1.** bunyi perkataan yg disebut atau yg diucapkan dgn baik, sebutan atau ucapan yg baik: *hendaklah kita memberi salam kpd orang yg kita temui sekurang-kurang* ~nya 'assalamualaikum'; **2.**

kata-kata yg disebut (diucap atau ditulis): *maka berkenanlah ~ surat itu kpd Sultan Muzaffar Shah;*

berlafaz dilafazkan, diucapkan: *niat di hati yg tidak ~ sebenarnya tidak berbahasa;*

melafazkan mengucapkan (kata, perkataan, doa, dll): *beta sangat sukacita dapat ~ sepatah dua kata pd petang ini;*

terlafaz dapat dilafazkan: *"maaf, Mira!" hanya itu yg ~ olehnya;*

pelafazan perihal (proses) melafazkan.

laga I 1. adu atau sabung (binatang spt lembu, ayam, dll), berkelahian:

biar lambat ~ asal menang; ayam ~; kerbau ~; **2.** langgar, hantuk;

berlaga 1. bersabung (lembu, ayam, dll), berkelahi, bergaduh:

maka kedua-dua ayam itu pun ~lah; **2.** berlanggaran (kereta, pinggan mangkuk, dll), berhantukan: *bunyi kualiti dan sudip ~ jelas kedengaran;*

berlagaan, berlaga-lagaan saling berlaga: *mata pedang bergemerengcing ~ sesama sendiri;*

melaga 1. menyabung (lembu, ayam, dll), mengadu; **2.** menghantuk, melanggar;

melagakan 1. membuat supaya berlanggar (kereta, pinggan mangkuk, dll), melanggarkan, menghantukkan: *dia sengaja ~ keretanya pd tembok itu;* **2.** membuat supaya dua orang sahabat dsb berkelahi (dgn cara menghasut, membuat fitnah, dsb), mengadudombakan: *dia suka ~ kawan-kawannya sendiri;*

melaga-lagakan 1. melagakan (melanggarkan dsb) berulang kali, melanggar-langgarkan, menghantuk-hantukkan: *seketika ia ~ kepalanya ke dinding spt orang gila;* **2.** mengadu domba: *mereka akan dilaga-lagakan selagi tidak mengubah pandangan hidup;*

memperlagakan membuat supaya berlaga atau berkelahi (lembu, ayam, dll), menyabungkan, mengadukan;

perlagaan perihal berlaga (binatang, kereta, dll), pergaduhan, perkelahian: *negeri Kelantan termasyhur dgn temasya ~ lembu dan kerbau;*

pelaga 1. binatang dll yg berlaga atau dilagakan; *ayam (ikan) ~ ayam (ikan) utk berlaga; 2.* suka berlaga (berbantah, berkelahi, dll).

laga II Jw; **berlaga** memegahkan (meninggikan) diri sendiri, takbur;

laga-lagaan bermegah-megah, berperasaan besar diri; □□**lagak.**

laga III; *pokok ~ sj tumbuhan (pokok), kembal benang, rengas api selemah, Melanochyla tomentosa.*

lagah ark □□**laguh.**

lagak 1. gaya atau pembawaan (yg menunjukkan keangkuhan, kesombongan, dll), tingkah laku dan tutur kata (yg menunjukkan kesombongan: *~nya spt orang kaya; 2.* gaya, tingkah laku: *ia menangis ~ anak yg dipukuli ibunya; ~ bahasa gaya bahasa (kata dan pengucapannya); ~ ragam ark, ~ lagu pembawaan dan tutur bahasa;*

berlagak 1. berperasaan besar diri, bersikap angkuh: *orang Wan Umar telah ~ sombong dgn kemewahan wang yg didapati drpd Kapitan Cina; ~ spt orang besar; 2.* melakukan diri spt, berlaku spt: *dia ~ tidak tahu; ~ bodoh;*

melagak 1. membuat diri spt, berlagak: *Rashid sewaktu-waktu masih ~ spt Jepun; 2.* membuat orang lain berasa takut, menakutkan, menggentak: *pegawai itu tiada lain hanya hendak ~ orang miskin itu;*

melagakkan memperlihatkan kesombongan, menyombongkan: *tiada sesuatu yg hendak dilagakkan;*

pelagak 1. orang yg suka berlagak; **2.** ark barang pakaian utk berhias.

lagam I ark kekang atau kang kuda.

lagam II ark gaya, cara, lagu, ragam.

lagan I Id sj tumbuhan (pokok), *Dipterocarpus spp.*

lagan II Id alat perkakas makan.

lagang; melagang, melagangkan memulai menganyam (menenun, membuat kerja, dll), menaja.

lagas Br; **melagas** luas dan lapang (kawasan yg ditebas).

lagau Br; **melagau** 1. memanggil; 2. mengundang atau menjemput seseorang ke majlis.

lagi 1. tambahan kpd yg sedia ada: *lima orang ~ telah dirawat di rumah sakit; musim hujan akan datang kira-kira tengah dua bulan ~*; 2. masih (berpanjangan), sedang (berbuat sesuatu dll): *adapun Chau Pandan itu, ~ di benua Siam; sekarang pun ada ~ negeri itu di benua Keling*; 3. dan, serta, tambahan pula: *dia hartawan ~ dermawan*; 4. (balik) semula, pula: *janganlah ~ dicari Hamzah di dunia ini*; 5. lebih (baik, elok, dll): *mati ~ bagus*; 6. kata yg digunakan utk menguatkan atau mengeraskan kata-kata sebelumnya: *sekaranglah kita amuk, bila ~!*; *bilal khatib ~ berdosa, ini pula kita yg jahil*; ~ pula dan lagi, lebih-lebih, tambahan pula;

selagi 1. selama atau sementara (belum dll): *~ dia ada di sini, aku tidak mahu pergi*; 2. pd masa atau ketika: *~ ayah tidur janganlah kamu bising*;

lagi-lagi 1. sentiasa, asyik, balik-balik: *~ hendak meminjam; tak ada kerja lain, ~ main*; 2. bertambah-tambah lagi, makin bertambah: *kalau ia tinggal bersama ayah, ~ ayah berselisih faham dengannya*;

lagikan ark sl sedangkan, salangkan, namun: *saya yg lebih rapat dengannya ~ tidak mengetahui rahsianya*;

lagipun lagi pula.

lagonder IB askar berkuda.

lagu 1. irama suara (dlm bacaan, nyanyian, percakapan, dll): ~ *bacaan qari dan qariah pd malam itu merawankan hati pendengar*; 2. gubahan muzik biasanya dgn seni kata, nyanyian: *memperdengarkan sebuah ~ yg dinyanyikan oleh seorang penyanyi terkenal*; ~ *suka ramai*; 3. langgam atau corak irama (muzik dll): ~ *Melayu asli*; ~ *keroncong*; 4. cara, gaya, macam, kaedah: *pakaian ~ ini saya tidak suka memakainya*; ~ *ini (itu) cara ini (itu)*;

~ *instrumental* lagu yg dipersembahkan dgn alat-alat muzik sahaja; ~ *kebangsaan* lagu rasmi sesebuah negara (diperdengarkan kpd umum dlm upacara atau peristiwa tertentu); ~ *lama* perkara lama (yg sudah basi); ~ *patriotik* lagu yg seni katanya dsb menunjukkan atau bertemakan kesetiaan atau cinta kpd negara; ~ *rakyat* lagu yg irama dan seni katanya telah dinyanyikan turun-temurun; ~ *tema* lagu atau melodi yg dimainkan berulang-ulang, yg membangkitkan suasana perasaan dlm sesebuah drama muzikal, filem dsb;

berlagu berirama: *suaranya berlagu-lagu*;

melagu bernyanyi, menyanyi: *kedua-dua anak itu kemudiannya menari dan ~*;

melagui memberi berlagu (pantun, sajak, syair, dll);

melagukan menyampaikan lagu, menyanyikan, membaca dgn lagu (Quran, sajak, dll): *mereka bersalung dan bernyanyi ~ pantun dagang dgn sedih*;

laguan ark nyanyian;

pelagu ark orang yg menyampaikan lagu (nyanyian dll), penyanyi.

laguh; ~-*lagah* ark hiruk-pikuk, riuh-rendah, bising sekali.

lagun kawasan air laut yg tenang yg terpisah drpd laut oleh beting pasir atau terumbu.

lagundi sj tumbuhan (pokok renek), lenggundi, lemuning, *Vitex negundo*.

lagut asyik, kalut, sibuk.

lah I partikel pd akhir kata yg menguatkan (mengeraskan) maksud atau pengertian kata itu: *mari~ duduk; makan~ sirih*.

lah II Kl, Ph, Pr, Tr, bp ayuh, mari.

lah III; *burung ~ sj burung, burung kubung, Pitta brachyura cyanoptera*.

lahabau bk kata makian yg bermaksud tidak berguna, tidak boleh diharap, haprak.

lahad Ar = *liang ~ ruang dlm lubang kubur (tempat meletakkan mayat); bak rasa di liang ~ = serasa di liang ~ prb berasa dlm keadaan yg sempit atau keseorangan sekali (ketika sesak, susah, sedih, dll)*.

lahak I Mn busuk bangar, busuk sekali; ~ *busuk* terlalu busuk.

lahak II Kd lapar.

lahak III Kd tali air yg sangat dalam.

lahan Ar ark lagu.

lahang Jw ark nira, tuak.

lahap 1. suka makan banyak-banyak (dan tidak pula cerewet tentang makan), gelojoh, rakus: *dia terlalu ~*; **2.** gelojoh (bkn makan), banyak-banyak (apabila makan): *dimakannya nasi yg di atas meja itu dgn ~*;

melahap bk makan dgn gelojoh, makan banyak-banyak;

pelahap 1. orang yg makan banyak-banyak (dgn gelojoh): ~ *benar budak itu*; **2.** ki tamak, serakah.

lahar I bahan cecair yg panas yg mengalir keluar dr gunung berapi (yg meletus), lava: *ada dua jenis ~ gunung berapi yg disebut asasi*

dan asidik; ~ asidik lahar yg mengandung banyak silika (pekat dan mengalir tidak berapa jauh); *~ asasi* lahar yg tidak banyak mengandung silika (cair dan boleh mengalir lebih jauh drpd lahar asidik);

berlahar (yg boleh) mengeluarkan lahar.

lahar II Kl lapang (tanah, rawa, dll), luas.

lahip daif.

lahir 1. yg (kelihatan) di luar: *kasih sayang* yg ~; *pd ~nya, ia sihat tetapi sebenarnya ia berpenyakit*; *~ batin* yg kelihatan dan yg tidak kelihatan, luar dalam, sepenuh hati; **2.** berupa benda yg nyata, jasmani, maujud, keduniaan: *perbezaan antara bentuk prosa dan puisi tidak terletak pd bentuk ~ sahaja, malahan pd batin*; *pengetahuan ~*; **3.** keluar dr kandungan (ibu dll), jadi, terbit: *sejak dr ~nya lagi, dia bersifat begitu*; *hari ~ hari* ketika seseorang itu diperanakan; *~ mati* (kanak-kanak yg) mati ketika lahir; *di ~ serupa tidak, di batin menggunting angin* prb orang yg menyembunyikan tabiat yg sebenarnya (tidak jujur); *yg ~ menunjukkan yg batin* prb drpd gerak-geri dan tingkah laku seseorang itu ketahuan isi hatinya;

melahirkan 1. mengeluarkan perasaan (perkataan, fikiran, dll), meluahkan: *yg penting pd pengarang ialah ~ berbagai-bagai perasaan sehingga pembaca tertarik kpd tulisannya*; *marahnya sekadar dlm hatinya sahaja, tidak dilahirkan*; **2.** mengeluarkan anak (dr kandungan), beranak, bersalin: *ia hendak pulang ke kampung utk ~ anaknya di sana*; **3.** mengadakan, mendatangkan, menghasilkan, menyebabkan, mewujudkan: *berlainan edisi akan ~ berlainan jalan cerita*;

terlahir 1. keluar (dr), terkeluar: *sesuatu yg tidak direlakannya ~ dr mulut ibunya*; **2.** lahir (anak);

kelahiran 1. perihal keluar dr kandungan ibu, lahirnya (anak): *pd saat ~ anak itu, Sharifah Aini menangis lagi*; **2.** (sesuatu) yg berkaitan dgn perihal lahir: *hari ~*; **3.** perihal keluar (terbit dsb), terhasilnya: *sejambak bunga haruslah dihadiahkan kpd usaha gigih penyusunnya dan sekali gus kpd Dewan Bahasa dan Pustaka kerana telah memungkinkan ~ antologi ini; dlm bulan April tahun ini, Jepun mengingati ~ Institusi Sekolah Pemerintahan dan Pengurusan Matsushita*;

pelahiran perihal atau perbuatan melahirkan: *~ golongan-golongan tertentu.*

lahiriah Ar pd lahirnya, kelihatannya.

lahu; melahu 1. tidak membuat atau tidak mempunyai apa-apa pekerjaan yg bermanfaat, menganggur: *banyak lagi siswazah yg masih ~ walaupun sudah agak lama lulus universiti; dia risau kerana ~ tidak bekerja*; **2.** tidak berbuat apa-apa dgn masa yg terluang: *duduk ~ selepas makan adalah membosankan*; **3.** (Kej) bergerak perlahan-lahan dgn gear yg neutral (bkn enjin): *tiada gegaran atau getaran semasa enjin ~*; **4.** (Komp) tidak menjalankan sebarang pengendalian atau tugas berfaedah ketika menunggu tindakan pengguna (bkn komputer).

lai I kep helai.

lai II = buah ~ C sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Pyrus communis*.

laici C sj tumbuhan (pokok dan buahnya), buah lengkung, *Litchi chinensis*.

laif Ar daif.

lah □ **daif**.

laik Ar layak, padan, patut.

lailah, lailat Ar malam; *alfu ~ wa ~ seribu satu malam*.

lailahailallah Ar tiada Tuhan (yg disembah) melainkan Allah.

lailatulqadar Ar malam turunnya al-Quran pd salah satu malam drpd sepuluh malam terakhir bulan Ramadan, dan jika seseorang melakukan amal ibadah pd sepanjang malam itu, ganjaran pahalanya jauh lebih besar drpd seribu malam biasa, malam kemuliaan.

lain **1.** tidak sama (hal, keadaan, dll), berbeza, asing: *ia tidak mahu membaca buku ~; ~ orang* bukan orang yg sama; *tak ~ dan tak bukan* hanya; **2.** tidak kira atau termasuk (dlm hitungan, kumpulan, dll), kecuali: *tiap-tiap orang mesti berpuasa ~lah kalau uzur; ~ drpd itu* di samping itu; *~ drpd yg ~* tidak sama dgn yg lain, tidak ada yg sama dengannya; *~ tidak* hanya itu sahaja; *~ orang ~ pendapatnya* tidak sama pendapat antara seseorang dgn seorang yg lain: *~ yg..., ~ yg...* tidak menepati (permintaan, suruhan, arahan, dll): *~ yg disuruh, ~ yg dibuat;*

selain **1.** hanya, kecuali: *ia tidak dapat berbuat apa-apa ~ membiarkan sahaja;* **2.** di samping, bersama-sama dgn: *~ ceramah, diadakan juga pembacaan sajak;*

selainnya **1.** seterusnya, selanjutnya; **2.** yg lainnya;

berlain tidak sama (pendapat, kelakuan, dll), berbeza, berselisih: *apa yg terjadi ~ dgn yg dicita-citakan;*

berlainan, berlain-lain, berlain-lainan tidak sama, berbeza, berbagai-bagai (gaya, corak, dll): *aku nampak ayahmu itu bersikap ~ drpd sehari-hari; cakap mereka berlain-lainan;*

keberlainan keadaan yg berlain, perubahan sikap: *~nya sangat ketara;*

melaini ark tidak mengikuti (peraturan, undang-undang, dll), menyalahi: *~ kebiasaan;*

melainkan **1.** hanya, dikecualikan: *masa bekerja ialah waktu siang sahaja ~ ketika kecemasan;* **2.** sebaliknya (bertentangan dgn

maksud asal), tetapi: *orang itu tidak menjawab, ~ berjalan lambat-lambat arah ke dangau itu*; **3.** melakukan perkara yg lain, membezakan, mengasingkan: *~ kpd Allah Taala tuanku serahkan paduka cucunda kedua itu; ~ anak tiri drpd anak kandung*;

memperlainkan membuat atau menjadikan berbeza drpd yg lain;

kelainan 1. perihal berbeza drpd, perbezaan; **2.** sesuatu yg tidak menurut kebiasaan atau yg berbeza drpd sesuatu yg lain: *penyimpangan ini bertujuan utk mempelbagaikan teknik pengolahan supaya wujud ~ drpd cerpen-cerpen yg sedia ada*;

dikelainkan ark tidak disamakan dgn yg lain, dikecualikan.

laip ark daif.

lais I; melais ark menolak air (ketika mendayung).

lais II; *ikan* ~ sj ikan darat, *Ompok limaculatus*.

lais III sj tumbuhan (herba), *Pandanus furcatus*.

laisol sj cairan pembasmi kuman, minyak busuk.

laissez-faire (lés se fér) (Perancis) doktrin kebebasan penuh dlm perdagangan, tanpa campur tangan kerajaan.

laiter bp pemetik api.

laja ark lengkuas.

lajak I 1. tidak berhenti, terus (bergerak): *sesudah dibrek, beca berjalan turun kerana ~ lajunya yg tadi; dr pipi ~ ke mulut*; **2.** sl cepat, lekas; **3.** ki lancang mengeluarkan kata-kata, lepas mulut: *awak ~ ~ bercakap nanti dimarahi orang*;

melajak tertumpu (ingatan) buat seketika: *sese kali, ingatannya ~ pd gambaran kehijauan sawahnya*;

terlajak terlanjur, terlepas, terlangsung: *sampannya sudah ~ ke hilir*.

lajak II; *kain* ~ = ~ *benang (sutera)* sj kain yg ditenun drpd benang atau sutera.

lajang I; *orang* ~ orang yg tidak atau belum kahwin, bujang, gadis.

lajang II; **melajang** Mn melompat, menerajang.

lajat Mn terlalu, teruk (sakit dll).

lajawardi ark □ **lazuardi**.

laju I 1. pantas (pergerakan dll), cepat: *kapal belayar juga, makin lama makin ~*; **2.** cepatnya sesuatu gerakan (dlm ilmu fizik); ~ *mula* Id kecepatan gerakan yg mula-mula; ~ *rambat* Id kecepatan yg berjangkit;

bersilaju, berlaju-lajuan berdahulu-dahuluan (perahu, kapal, dll), berlumba-lumba;

melaju bergerak atau meluncur dgn laju: *kapal angkasa itu terus ~ ke Musytari*;

melajukan 1. menjadikan laju (basikal, motokar, dll), mencepatkan: *pemandu kereta itu ~ kereta sedikit demi sedikit*; **2.** ki mencepatkan atau melancarkan sesuatu perundingan dll;

memperlaju menjadikan lebih laju;

kelajuan lajunya sesuatu gerakan dll, kecepatan;

pelajuan 1. perihal mencepatkan gerakan (benda, waktu, dll); **2.** kadar bertambahnya kelajuan sesuatu dlm tempoh atau masa tertentu.

laju II Ph berselera (utk makan), lalu: *aku tak ~ makan hari ini*.

lajur 1. deret (kedai, rumah, dll), baris, leret: *Ruslan sedang asyik menarik jari-jarinya di atas ~-~ huruf mesin taipnya*; **2.** baris-baris panjang (pd kain dll), jalur; **3.** ruangan di antara dua baris, ruangan surat khabar; **4.** barisan (pertahanan dll), garisan.

lak sj pelekat keras (dibuat drpd damar utk memeterai surat dll): *ia merosakkan ~ surat itu dan membuka dokumennya yg sangat rahsia*;

berlak mempunyai (dilekatkan) lak: *surat berdaftar yg ~*;

dilak 1. dilekatkan dgn lak, dimeterai: *surat rahsia itu dimasukkan ke dlm sampul dan ~*; **2.** Id ditutup dan dibubuh meterai oleh polis dll utk mencegah drpd dibuka (rumah, kedai, dll): *toko itu telah ~ setelah digeledah.*

laka = *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), melaka, *Emblica officinalis*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok), bangsa merah, berunai air, cenderang bukit, medang, kemantan, *Osmelia maingayi*; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar berangan, *Dalbergia parviflora*;

laka-laka sj tumbuhan; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), maras, pasak lingga jantan (merah), *Walsura multijuga*.

lakab Ar gelaran (sbg kehormatan atau ejekan);

melakabkan menggelar (terutamanya raja-raja yg telah mangkat).

lakah Tr terbuka, terdedah: *rumah kamu ni ~ betul. Nampak semua yg ada di dalamnya.*

lakai-lakai Br sj suluh drpd damar dll, sigi.

lakak Mn; **melakak** memukul dgn benda yg keras; ~ *kucing di dapur* prb menganiaya orang yg rapat dgn kita (dgn mudah).

lakan IB sj kain halus drpd bulu biri-biri, (kain) sakhlat.

lakang Mn lekang.

lakar 1. masih dikerjakan, belum siap lagi (perahu); **2.** = **lakaran** gambar (yg dilukis) secara kasar, rajah, rangka;

melakar melukis rangka (rajah, gambar, dll) secara kasar;

melakarkan membuat atau melukiskan lakaran sesuatu benda.

pelakaran perihal (proses atau perbuatan) melakar atau melakarkan: ~ *merupakan satu cara yg baik utk mendapatkan gambaran yg dimaksudkan*;

pelakar 1. orang yg membuat lakaran; **2.** alat yg digunakan utk melakar atau melakarkan sesuatu: ~ *yg mudah biasanya*

mempunyai format vektor-8; bagi kes ~ dram, kedua-dua kertas dan pen bergerak.

lakat Br masih atau terus (hidup, berlaku, dll): *semasa ayahnya ~ hidup, Ratinah tidak pernah berkawan dgn mana-mana lelaki jua pun.*

laken □ **lakan.**

laki I (kurang halus) suami, pasangan hidup bini; ~ *bini (isteri) suami isteri;*

~ pulang kelaparan, dagang lalu ditanakkan prb lebih mementingkan urusan orang lain drpd urusan sendiri; bagi menanti ~ pulang maling prb selalu dlm kegelisahan;

berlaki mempunyai laki, sudah berkahwin (perempuan): *orang ~ bercerai ungkai, orang bercerai pulang balik; bagi ~ anak semang prb perempuan yg tidak senonoh kelakuannya;*

berlakikan berkahwin dgn (bkn perempuan), bersuamikan: *senanglah hidup awak ~ orang kaya; malang nasibnya ~ seorang penjudi; ternanti-nanti bagi ~ raja prb berhajat kpd orang yg tidak berkehendak kepadanya;*

memperlaki mengambil jadi laki: *perkelahian berlaku apabila Cik Tom menuduh Asmah hendak ~ si Mat; barang siapa yg berkenan kpd beta, itulah beta perlaki;*

memperlakikan mengahwinkan (anak perempuan), memberi laki (kpd anak perempuan): *dia belum hendak ~ anaknya itu.*

laki II; ~ *padi* sj burung, pipit padang, *Anthus novaeseelandiae malayensis*; *burung ~ padi* sj burung, cekup layang, burung main angin, ciuk titing, *Cisticola juncidis*.

laki-laki 1. jantan (lebih halus), lwn perempuan: *ia gadis yg tidak mempunyai sebarang teman ~;* **2.** ki berani, keberanian, pemberani: *hatinya memang ~, patah sayap bertongkatkan paruh, namun kehendak diteruskan juga;*

kelaki-lakian 1. sifat laki-laki, tingkah laku (gerak-geri) laki-laki: *Alias memiliki sifat-sifat ~ yg tulen, jujur, ikhlas, berhemah tinggi serta berupa kacak;* **2.** ki keberanian, ketangkasan, kegagahan: *apabila seorang anak muda kaum itu hendak kahwin, ia harus menunjukkan ~nya dgn membawa kepala orang ke kampungnya.*

laklakan Jk lubang kerongkong.

lakmus IB litmus.

laknat 1. kemurkaan Allah dan jauh drpd petunjuk dan rahmat-Nya, kutukan: *setiap perbuatan jahat akan menerima ~ drpd Allah;* **2.** terkutuk, keji, hina, celaka: *kami teruk diseksa oleh bangsa ~ itu; siapakah yg berbuat pekerjaan ~ ini?*

melaknat menurunkan laknat, mengutuki: *Allah akan ~ orang yg menaruh niat jahat terhadap orang lain;*

melaknati mengutuk: *Allah ~nya andainya suaminya itu benar;*

terlaknat (yg) dilaknati, terkutuk: *mereka akan dikatakan sbg kafir ~.*

laknatullah Ar dikutuk Allah.

lakon 1. = **lakonan** cerita yg dipentaskan (sandiwara, filem, dll), drama: *suatu lakonan yg bertajuk Si Bongkok Tanjung Puteri akan dipentaskan di Dewan Bandaran;* **2.** karangan yg berupa sandiwara (terdiri drpd dialog); *~ layar skrip yg disediakan utk sesebuah filem, termasuk arahan kerja kamera dsb;* **3.** ki sesuatu peristiwa (kejadian dll): *~ yg menyayat hati;*

berlakon 1. bermain atau berlagak dlm sandiwara (drama, wayang, dll), mengambil bahagian dlm sandiwara dll: *saya mula ~ sejak saya di bangku sekolah lagi; dlm filem "Dia Ibuku", Sarimah ~ sbg ibu;* **2.** ki berpura-pura menunjukkan sesuatu kelakuan, menunjukkan kelakuan yg bukan sifat sebenarnya: *tak*

usahlah kau hendak ~ di depan aku, aku sudah tahu kelakuan kau yg sebenarnya;

melakonkan **1.** mementaskan atau memainkan sesuatu cerita (drama, sandiwara, dll); **2.** menulis (semula) suatu cerita menjadi sandiwara (drama dll); **3.** mementaskan sebuah cerita sbg sandiwara: *murid-murid disuruhnya ~ cerita Anak Raja dengan Anak Papa*; **4.** mengisahkan (menggambarkan) sesuatu perkara: *drama itu ~ seorang pegawai tinggi*; **5.** memainkan sesuatu peranan (watak): *seniman Nordin Ahmad ~ watak Hang Jebat dgn baik dlm filem "Hang Jebat"*;

lakonan **1.** lakon; **2.** perihal memainkan sesuatu drama (sandiwara dll), perihal berlakon: *~nya dlm filem-filem pd masa lalu sungguh baik dan memuaskan;*

pelakon orang yg berlakon dlm drama (sandiwara dll), tokoh dlm cerita dll: *siapakah ~ yg akan membintangi filem itu?*

lakri sj pelekat, lak.

lakrimasi (Ubat) perembesan air mata.

laksa I sepuluh ribu; *empat ~ empat puluh ribu;*

berlaksa-laksa berpuluh-puluh ribu.

laksa II 1. adunan tepung beras yg bentuknya spt mi tetapi berwarna putih; **2.** sj masakan yg menggunakan laksa (biasanya disertai hirisan bunga kantan, daun kesum, dsb) dan dimakan bersama kuah yg khusus untuknya; jenis-jenisnya: *~ asam; ~ Kedah; ~ Johor; ~ lemak.*

laksam Kl 1. adunan tepung beras yg bentuknya spt kuetiau; **2.** sj masakan yg menggunakan laksam (biasanya disertai hirisan bunga kantan, daun kesum, dsb) dan dimakan bersama kuah lemak.

laksamana 1. sl gelaran yg tertinggi dlm angkatan tentera laut, raja laut: *Datuk Bendahara memerintah negeri, ~ memerintah tentera laut;*

L~ Tun Tuah; 2. pangkat dlm angkatan tentera laut; *naib ~* timbalan panglima angkatan tentera laut;

~ mengamuk buah embacang yg dimasak dan dipotong halus-halus; *~ muda* a) pangkat (dlm angkatan tentera laut) di bawah naib laksamana; b) Id pangkat di bawah laksamana.

laksana 1. sl keadaan (sesuatu benda dll), sifat, tanda; *~ isteri (perempuan)* tugas yg patut dilakukan oleh perempuan; *bukan ~* tidak ada samanya (tandingnya, lawannya); *sifat tujuh ~* tujuh sifat (tanda) yg sempurna; **2.** sl sebagai, seperti, umpama: *cahaya giginya tiada tertentang nyata, ~ kilat sembur-menyembur cahayanya;*

melaksanakan 1. sl membandingkan dgn, mengumpamakan sbg, menyamakan: *tidak dapat dilaksanakan bulan dan matahari; 2.* menjalankan (tugas, rancangan, dll), mengerjakan, menyelesaikan (sesuatu tugas dll): *akhirnya kami berjaya ~ tugas yg berat ini;*

terlaksana boleh atau dapat dilaksanakan (rancangan, tugas, dll), tercapai (maksud, tujuan, cita-cita, dll): *semua wanita lekas sekali menuduh laki-laki kejam, kalau niat hatinya tidak ~;*

perlaksanaan hasil drpd melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan (tugas dsb): *meninjau ~ Rancangan Malaysia Ketiga;*

pelaksanaan perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dsb): *~ KBSR (3M) tahap pertama sedang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan;*

pelaksana orang (badan dsb) yg melaksanakan atau menjalankan sesuatu rancangan (tugas dsb): *para pentadbir ini adalah ~ segala rancangan yg diputuskan oleh kerajaan.*

laksatif (Ubat) bahan (ubat, makanan atau minuman) utk melawaskan buang air besar.

laksemi **1.** dewi; **2.** sl cantik, elok, molek.

laktase sj enzim yg menukarkan laktosa menjadi glukosa dan galaktosa.

laktasi (Bio) perembesan susu drpd kelenjar susu.

laktat (Kim) garam atau ester asid laktik.

laktoprotein (laktoprotéin) (Bio) sj protein yg terdapat dlm susu.

laktosa sj gula yg terdapat dlm susu, yg biasanya digunakan sbg makanan dan dlm ubat-ubatan.

laktosuria (Ubat) kehadiran laktosa dlm air kencing, terutamanya semasa kehamilan dan penyusuan.

laku **1.** gaya (cara) membuat sesuatu, perbuatan, tabiat: *begini ~mu di belakangku*; **2.** boleh digunakan (spt wang dll), sah: *wang yg tidak bernombor tidak akan ~*; **3.** (suka) dibeli orang, terjual: *kuih jualannya ~*; *batik buatan Malaysia sangat ~ di kalangan pelancong*; **4.** dikehendaki orang utk sesuatu tujuan tertentu: *hanya ketika muda ini awak ~*; *penyanyi itu masih ~ walaupun dia merupakan penyanyi tahun enam puluhan*;

selaku **1.** semacam, seperti: *kain tersidai di sana sini ~ tidak ada ampaian khas*; **2.** (bertindak dll) seperti, dlm kedudukan, sebagai: *~ pemimpin persatuan itu beliau tentulah sedar akan tugasnya*;

berlaku **1.** sedang berjalan (berlangsung), terjadi: *satu kebakaran besar telah ~ pagi ini*; *segala apa yg ~ di sekelilingnya ketika itu tidaklah menarik hatinya*; **2.** membuat sesuatu tindakan, mengerjakan sesuatu (tugas dll), berbuat: *sedikit pun tidak terbayang pd mukanya sesuatu yg dapat menunjukkan bahawa dia mudah ~ serong*; **3.** = ~ sebagai menjadi (sbg): *lingkaran dawai yg membawa arus elektrik itu ~ sbg sebatang magnet*; **4.** boleh diterima, diakui, sah: *jikalau besar dosanya, dibunuh, itu pun*

jikalau ~ pd hukum syarak; 5. dijalankan, dikenakan, dikuatkuasakan: larangan itu ~ mulai hari Khamis ini;

melakukan **1.** menjalankan (tugas), membuat (kerja dll), mengerjakan: *kitalah yg berdosa kerana menuduh ia ~ perkara yg bukan-bukan; 2.* menjadikan laku (jualan dll): *janganlah ditulis semata-mata dgn sebab hendak menyedapkan dan ~ surat khabarnya sahaja; 3.* = ~ diri membuat laku (spt), bertabiat atau berperangai (spt): *maka Raja pun melihat Hang Jebat ~ dirinya spt anak raja;*

memperlakukan **1.** membuat sesuatu (terhadap, kpd, dll), menganggap (memandang) sbg: *tak kusangka aku diperlakukan sbg makhluk yg rendah dan tidak berdarjat; 2.* menjadikan berlaku, memperkenankan, meluluskan: *segala titah raja diperlakukan oleh segala rakyatnya;*

lakuan laras (bahasa): *dia mengkaji bentuk bahasa yg diwujudkan dlm berbagai-bagai ~;*

kelakuan **1.** tabiat yg biasa dilakukan, perangai, perbuatan: *semua orang ketawa melihat ~nya itu; 2.* gaya (cara dll), keadaan: *maka baginda berjalan menyamar berkeliling negeri hendak melihat segala hal ~ negeri; Tuanku, patik mohon ke hilir hendak melihat ~ orang perang itu;*

berkelakuan membuat laku, berperangai, bertabiat: *aku berasa malu seorang dr kampungku ~ begitu;*

perlakuan apa yg dilakukan, perbuatan: *kedua-dua orang tua itu sedikit pun tidak tercium akan ~ kedua-dua orang anak muda itu; tarian yg sering dianggap hiburan bagi sesetengah kaum adalah ~ ritual;*

pelaku **1.** orang yg membuat sesuatu perbuatan (kerja dll), orang yg melakukan sesuatu: *orang yg bersubahat dgn ~ jenayah itu pun*

bolelah disalahkan dan dijatuhkan hukuman yg sama; 2. (Lin) orang yg mengerjakan sesuatu perbuatan (dlm ayat), pembuat; 3. orang yg berlakon, pelakon.

lakuer sj varnis utk meyaluti dan mengilatkan permukaan kayu atau logam, sampang: *kebanyakan perabot kayu disaluti ~;*

melakuer menyapukan lakuer pd sesuatu: *proses atau kerja ~ perabot kayu itu akan dibuat kemudian.*

lakum I 1. sj tumbuhan (pokok memanjat) a) carik merah, pokok riang hutan, *Vitis repens*; b) = akar ~ embun akar mempayung, iang-iang gajah, *Vitis furcata*; **2.** = ~ air sj tumbuhan (pokok renek), *Jussiaea suffruticosa*.

lakum II; kecar ~; □ kecar.

lakung K1; **melakung** melayani makan minum (pakaian dsb) seseorang.

lakur bercampur atau bersebati (logam dll), bersatu; ~ baur bercampur baur;

melakurkan mencampurkan atau menyebatkan (logam dll dgn meleburkannya): *platinum boleh dilakurkan dgn kaca;*

terlakur telah bersebati benar-benar;

lakuran campuran (logam dll), sebatian;

pelakuran proses atau perbuatan melakurkan: ~ beberapa jenis logam yg berlainan.

lala I sj siput yg agak nipis kulitnya dan kecil isinya, *Orbicularia orbiculata*.

lala II; **melala** berenang menelentang, mengapai.

lala III sl lagu (yg dinyanyikan): *masing-masing pun duduklah memujuk rayu dodoikan ~ supaya Pangkulun beradu segera.*

lala IV Jk □ **bianglala**.

lalah I memakan apa-apa sahaja, rakus, gelojoh;

pelalah orang yg gelojoh, pelahap; □ □ **belalah I**.

lalai II Mn; **melalah** memburu, mengejar; *bak menanti orang dahulu, bak ~ orang kemudian* prb membuat kerja yg sia-sia;

terlalah terburu-buru, terkejar-kejar; ~ *terkejar* tertangkap sewaktu melakukan kejahatan (tanda bukti hukum).

lalai I 1. tidak hirau akan kerja (tugas dll), lengah, tidak hati-hati: *tidaklah dia ~ drpd mengerjakan kewajibannya hari-hari*; **2.** asyik akan sesuatu hingga lupa akan hal-hal lain, leka, lupa, tidak sedar: *lalu masuklah gajah itu ke dlm kandang ~ dgn memakan pisang*;

berlalai-lalai 1. tidak mempedulikan, tidak mengambil berat; **2.** sengaja melambat-lambatkan, berlambat-lambat, berlengah-lengah;

melalaikan tidak mengambil berat, tidak menghiraukan: *dlm pd itu Rosita tidak ~ dan melengahkan kerja sekolahnya*; ~ *hati (sedih)* menghiburkan hati; ~ *waktu* membuang masa;

memperlalakan 1. menyebabkan jadi lalai, membuat supaya lalai: *utk ~nya, diberinya mainan kpd budak itu*; **2.** menanggukkan atau mengundurkan (sesuatu cadangan dll): ~ *maksud*; **3.** menghiburkan hati, bersuka-suka: *baiklah kuperlalakan dan kusukakan hatinya dgn barang daya upayaku*;

terlalai 1. tidak ingat (kpd kerja, tugas, dll), tidak dihiraukan, terbiar, terlupa; **2.** tidak sedar lagi, nyedar: *si anak itu pun ~lah dlm tidurnya*; **3.** terlambat, terlewat; **4.** terhibur: *sebentar aku ~ mendengarkan irama muzik yg memenuhi tempat itu*;

kelalaian 1. perihal lalai, kelengahan, kealpaan: *tiada lain disebabkan ~ kita sendiri*; **2.** dlm keadaan lalai: *adapun akan baginda itu sangatlah ~ memerintah negeri*; *sesungguhnya engkau dlm ~ mengenai hal ini*; ~ *menjemput pencuri* prb kerana lalai maka selalu rugi;

pelalaian ark perihal melalaikan;

pelalai 1. orang yg lalai, pelengah; **2.** sesuatu (jampi dll) utk melalaikan atau meleakakan: *jikalau begitu ada satu nyanyi supaya boleh membuat ~ berkayuh; hikmat ~ jampi utk melalaikan orang.*

lalai II; *tali* ~ sj tali utk memutar kayu palang tempat menggantung layar (di perahu).

lalak I ark; **melalak** terbakar, menyala; *tidak* ~ tidak mahu hidup (mancis api dll).

lalak II; **melalak 1.** menjerit (bercakap) kuat-kuat; **2.** menangis dgn kuat (kanak-kanak);

terlalak-lalak melalak berulang-ulang, terjerit-jerit: ~ *macam dirasuk polong.*

lalalat → **dalalat.**

lalam Br hujan panas.

lalang I sj tumbuhan (rumput yg tinggi), *Imperata cylindrica (Imperata contracta);*

~ *yg terbakar, si carik menumpang mati* prb mendapat kecelakaan kerana kesalahan orang lain; *di mana ~ habis, di situ api padam* prb di mana mati di situ dikuburkan; *padi ditanam tumbuh ~ prb perihal nasib yg malang; spt api memakan ~ yg kering, tiada dapat dipadamkan lagi* prb kedatangan bahaya yg tidak dapat dihalang-halang lagi; *tanam ~ takkan tumbuh padi* prb perkara yg jahat akan dibalas dgn jahat juga;

berlalang ditumbuhi lalang: *halaman rumahnya sudah mulai ~.*

lalang II ark berjalan ke merata-rata tempat, mengembara; **langlang.**

lalang III ark; *lalu*~□□□ **lalu.**

lalang IV sj ikan darat, *Chela anomalura.*

lalap I daun atau buah yg dimakan mentah dgn nasi, ulam;

melalap memakan ulam, makan berulam.

lalap II Br kepingan daging kerbau, lembu, dll yg dikeringkan, dendeng.

lalar Mn; **melalar** **1.** merayau ke merata-rata tempat, tidak suka duduk di rumah: *anak itu ~ sahaja sepanjang hari*; **2.** merebak atau menjalar (api dll).

lalat **I** sj serangga (yg biasanya hinggap pd benda kotor dan pd makanan); ~ *hijau* a) sj lalat yg hijau warnanya, *Musca vicina*; b) ark barua, pinang muda; c) Kl orang yg asyik merungut atau menyanyi; ~ *kerbau* sj lalat yg suka hinggap di badan kerbau, *Oestrus spp.*; ~ *kuda* sj lalat, *Tabanus spp.*; ~ *rumah* sj lalat yg biasa terdapat di rumah, *Musca domestica*; ~ *tsetse* sj lalat, *Glossina spp.*;

~ *langau mengerumuni bangkai* prb orang lelaki yg berhimpun di rumah perempuan jahat; ~ *memanglah mencari puru* prb lelaki jahat tentulah mencari perempuan jahat; *bagai ~ mencari puru* prb membuat sesuatu pekerjaan dgn cepat dan tergesa-gesa atau terlalu rakus mengejar keuntungan; *belum terbang ~ prb pagi benar*; *spt ~ buta* prb berpusing-pusing tidak tentu arah; *tak ada ~ langau* prb tidak ada seorang pun;

berlalat dihurung lalat: *bangkai ~*.

lalat **II**; *bedil ~*; □ **bedil**.

lalat **III**; *mata ~*; □ **mata**.

lalau; **melalau** sl membatasi, menghalang-halangi, menyekat;

pelalauan **1.** perihal melalau; **2.** tanda melarang atau mencegah orang masuk (ladang dll);

pelalau **1.** sl alat dll utk menyekat atau menghalang, penghalang, penyekat; **2.** = *hikmat* ~ sl jampi (serapah) utk menyekat perkahwinan atau utk memenangi hati gadis kepunyaan orang lain.

laler Jw lalat.

lali **I** **1.** tidak berasa apa-apa (pd kulit dll), hilang perasaan: *selepas diberi ubat dia pun ~*; *buku ~ mata kaki*; **2.** sudah biasa benar dgn

sesuatu hal (hingga tidak terasa lagi akan kesusahan, kepayahan, dll): *suara jerit pekik itu telah ~ pd telinganya;*

melalikan menyebabkan tidak sedar, menjadikan tidak berasa apa-apa (pd kulit dll): *telah berbelas-belas tahun ia tinggal di kota yg banyak pemandangan indah-indah yg ~ perasaan dan melenakan fikiran;*

kelalian keadaan atau rasa lali;

pelalian perihal melalikan;

pelali (ubat dll) yg boleh melalikan.

lali II sj ikan darat, *Botia hymenophysa*; ~ *pelanduk* sj ikan darat, *Botia modesta*.

lalim Ar tidak berperasaan belas kasihan, lwn adil, zalim: *raja adil raja disembah, raja ~ raja disanggah;*

melalimi ark membuat aniaya kpd, berlaku tidak adil kpd;

kelaliman kebengisan, kekejaman, ketidakadilan: *sbg anak muda, hamba tidak dapat membiarkan ~ terus-menerus;* □ **zalim**.

lalo Sr gadis yg telah melewati umur utk berkahwin (biasanya lebih drpd 20 tahun).

lalu I 1 . berjalan, melintas: *semua kereta tidak boleh ~ di jalan itu; seorang laki-laki ~ di hadapan mereka; sekali ~ a) sekali gus; b) sambil-sambil; 2. boleh masuk, telus, lulus; 3. yg sudah lepas (berlaku, lewat, dll), selesai, telah dibuat: tiadalah kanda perbuat lagi spt yg telah ~ itu; baru tiga malam yg ~, seorang tauke telah disamun orang; 4. berdaya, sanggup, larat: santap pun tiada ~ ia pd malam itu melainkan keluh-kesah sahaja; aku hendak pergi pun tiada ~ oleh sakit badanku lagi; 5. langsung, lanjut; 6. terus, hingga ke, langsung ke: setelah datang ke Melaka maka disuruh baginda arak ~ ke balai; mereka berperahu ~ ke Melaka; 7. kemudian drpd itu, sesudah itu, segera: setelah makan minum*

mereka ~ meneruskan perjalanan ke selatan; 8. lewat, sudah lampau: kulihat orangnya telah ~ separuh umur; 9. tidak boleh ditebus kembali (barang gadaian dll); ~ akal boleh diterima akal, munasabah; ~ penjahit ~ kelindan prb kalau usaha yg pertama telah berhasil maka usaha yg berikutnya pun akan tercapai juga;

berlalu **1.** lepas (waktu dll), lampau, lewat: *semuanya sudah tenang dan di luar ribut kencang telah ~; sudah sepuluh tahun ~ semenjak pernyataan di atas ditulis; 2.* berjalan, berlepas: *sekejap kemudian perempuan itu ~ meninggalkan warung makan itu; 3.* ki pergi, meninggal (mati);

melalui **1.** mengikuti (jalan dll), melintasi, lalu di, menempuhi: *beberapa orang gadis yg sedang ~ lorong itu terpaksa berhenti sejenak; 2.* tidak mengikuti (ajaran, hukuman, perintah, dll), mengingkari: *tiada kuasa patik sekalian ~ titah Yang Dipertuan; apalah titah tuanku patik sedia menjunjung, tiadalah ~ titah perintah sekali-kali; 3.* dgn perantaraan, menerusi: *rancangan Dewan Bahasa di udara seringkali disiarkan ~ radio; Ahmad telah memajukan tuntutannya ~ peguamnya; 4.* melampau, melangkai, melangkahi: *apa-apa yg kamu tidak faham tanyalah kpd guru, jangan dilalui sahaja; ketika saya berjalan itu ada ~ beberapa buah kedai orang menjual makanan; 5.* dgn perjalanan (masa): *sesetengah kes ini menjadi usang ~ masa;*

melalukan **1.** membiarkan lalu (lantas, masuk, dll), memasukkan, meluluskan: *dilalukannya cahaya hijau itu menembusi prisma; 2.* menjalankan (cita-cita, apa yg hendak dibuat, dll), mengerjakan: *ia selalu hendak ~ kehendaknya; 3.* membawa atau membuat terus, meneruskan;

terlalu **1.** teramat sangat, terlampau: *orang menyabung ~ ramai; seekor rusa jantan sedang tidur dgn ~ nyedarnya; 2.* melampau

batas, berlebih-lebihan: *pemujaannya yg ~ terhadap pemerintahan Inggris*; **3.** (perbuatan dll) yg tidak disengajakan, terlangsung: *perbuatan engkau yg sudah ~ itu diampunkan, yg kemudian jangan dibuat lagi*;

keterlaluan 1. hal yg berlebih-lebihan, keadaan yg melampau, hal atau perbuatan yg melampaui batas (tatatertib dll): *rakan sekerja Darwisah juga sudah meluat melihat ~ itu*; **2.** teramat sangat, terlalu, berlebih-lebihan, melampaui batas: *tindakan ~*;

laluan 1. jalan yg dilalui, jalan yg menjadi landasan atau tempat pergerakan pergi balik orang atau pengangkutan: *penduduk kawasan setingan sepanjang ~ pengangkutan rel laju tidak perlu bimbang bahawa mereka akan dipindahkan*; **2.** pergerakan (peralihan dsb) maju ke tahap lain: *kemenangan ini menjadikan ~ mudah bagi pemain-pemain Malaysia seterusnya*;

kelaluan 1. (yg) telah lepas, telah lalu; **2.** Mn cita-cita, hajat, tujuan;

berkelaluan Mn berpanjangan, sentiasa.

lalu II; *~-lalang = ~-landang* a) banyak kali lalu, keluar masuk, ke sana ke mari: *banyak orang ~-lalang di jalan raya*; b) mencurah-curah keluar (kata-kata kasar dll); c) tidak teratur, kacau-bilau: *susun buku itu baik-baik, jangan ~-lalang begitu*.

lalu lintas 1. kerap atau selalu melintas, sibuk (ke sana ke mari): *kebersihan kedai tuan akan menarik perhatian orang yg ~ di hadapan kedai tuan*; **2.** perihal pergi balik (perjalanan) orang atau kenderaan dll melalui jalan: *kami menyangka itu hanya kemalangan ~; kesesakan ~*.

lalut; **melalut** lari drpd tajuk atau pokok percakapan (perbualan, perbincangan, dsb) yg asal: *tengok tu, dia sudah mula ~*.

lam 1. huruf ke-23 abjad Arab (mempunyai nilai 30); 2. huruf ke-27 abjad Jawi.

lama I 1. panjang masanya (membuat sesuatu dll), lwn sekejap: *anak raja itu telah ~ benar tiada balik-balik; tentu Sutan takkan ~ tinggal di rumah; memakan masa yg ~*; 2. telah wujud (ada, terlibat, dsb) dlm jangka masa yg agak panjang: *sebuah rumah ~ di kampung itu; pakaian ~; kawan ~; alasan-alasan ~; ahli-ahli ~*; 3. tidak moden lagi, ketinggalan zaman: *fesyen ~*; 4. wujud pd zaman sebelum ini atau zaman dahulu, kuno, tua: *kesusasteraan Melayu ~; masyarakat Melayu ~*; 5. wujud sejak dahulu lagi: *kuih-kuih Melayu ~; barang-barang ~; sikap ~*; 6. yg digunakan dsb sebelum mendapat yg baru: *dia menjual rumah ~nya utk membeli sebuah rumah baru; motosikalnya yg ~ diberikannya kpd adiknya*; 7. berlaku pd masa yg sudah-sudah: *membangkit-bangkitkan perkara ~; ingatan ~ mengusik jiwanya*;

selama 1. sepanjang masa yg tertentu: *saya telah tidak bekerja ~ empat puluh hari*; 2. selagi, sepanjang waktu, dlm masa (yg tertentu): *~ ia berkahwin dgn aku; ~ ini dlm masa-masa ini*;

selamanya utk jangka masa yg lama dan berterusan: *manusia tidak ~ muda*;

selama-lamanya 1. yg sangat lama, paling lama: *~ dua tahun dia merantau kemudian pulanglah dia*; 2. tidak berkesudahan, kekal: *ia berikrar tinggal di Singapura ~*;

lama-lama 1. dgn lama: *direnunginya muka gadis itu ~*; 2. akhirnya, kesudahannya: *sedikit-sedikit ~ menjadi bukit*; 3. makin lama makin bertambah;

berlama terus berada lama: *engkau yg datang berlindung di sini tidak pernah ~*;

berlama-lama, berlamaan, berlama-lamaan **1.** lama (berbuat sesuatu dll), lambat, tidak cepat: *di sana memang banyak hiburan, tetapi hatiku kurang tertarik utk ~*; **2.** lama-kelamaan, lambat-laun;

melamakan (sengaja) membuat lama-lama, memanjangkan masa; **kelamaan** **1.** sl masa (yg tertentu), lama: *hatta berapa ~nya, Seri Nara Diraja pun kembali ke rahmatullah*; **2.** ark terlalu lama; **3.** akhir-akhirnya;

lama-kelamaan lambat-laun, akhir-akhirnya: *~ berlakulah perubahan secara beransur-ansur.*

lama II sami Buddha di Tibet dan Mongolia.

lamai; *ipar* ~ saudara isteri atau suami; □ **ipar.**

lam-alif huruf lam yg disatukan dgn huruf alif dlm tulisan Jawi (Arab); *air* ~ air yg telah dijampi atau ditawar.

laman bp kep halaman: *jamuan ~*; ~ *web* dokumen elektronik pd paparan skrin komputer (biasanya mengandungi teks, grafik, imej, bunyi dsb) tentang sesuatu institusi, organisasi, persatuan, individu dsb yg dapat dicapai melalui Internet.

lamang Jk sj pedang pendek, cenangkas; **halamang.**

lamar; **melamar** **1.** meminta utk berkahwin dgn, meminang: *kelmarin orang tua kekasihnya datang ~*; **2.** memohon kerja (di pejabat dll): *dia mencuba ~ pekerjaan sbg jurutaip di pejabat-pejabat kerajaan*;

melamarkan **1.** melamar utk, meminangkan: *saya hendak menghantar ibu bapa ~ saya Noriah*; **2.** = ~ *diri* ark menawarkan dirinya supaya diterima (utk pekerjaan dll);

lamaran **1.** perihal melamar, peminangan: *semenjak ~nya dahulu ditolak, ia tidak datang-datang lagi ke mari*; **2.** permohonan (utk bekerja dll), permintaan: *masakan baginda tidak menerima ~ kita*;

pelamar orang yg melamar: *gadis zaman dahulu berpingit di rumah dan jarang-jarang dapat dilihat oleh ~nya.*

lamat-lamat Jw **1.** tidak terang, sayup-sayup; **2.** ki tidak jelas (maksud sesuatu perbuatan dll), samar-samar.

lambai I; melambai, melambai-lambai 1. bergerak-gerak turun naik (tentang tangan) utk memanggil dll: *kereta api pun bergerak, kulihat tangan suamiku ~; 2. = berlambai-lambai* bergerak-gerak turun naik (spt daun ditiup angin dll): *daun-daun padi ~ ditiup angin; 3.* ki menyeru, memanggil (hampir kpd): *badan awak itu bukan semakin muda, liang lahad sentiasa melambai-lambai awak;*

melambaikan, melambai-lambaikan menggerak-gerakkan turun naik (tangan, bendera, dll): *dia ~ tangannya kpd Wahab;*

lambaian 1. perbuatan melambai-lambai atau menggerakkan turun naik (tangan dll): *ratusan tangan membalas ~ tanganku; 2.* ayunan (daun-daun ditiup angin dll), goyangan: *~ daun kelapa; 3.* sl perihal memanggil (mengajak dll), panggilan; *~ syaitan* panggilan syaitan;

pelambai; sepelambai ukuran jauh sejauh orang melambai.

lambai II; *~ gajah* bahagian mata keris (yg terletak di bawah dagu keris).

lambai III sj ikan laut, *Siganus spp.*

lambai IV sj tumbuhan (pokok renek), beberas paya, jaluk hantu, kayu gading, *Petunga venulosa;* *~ ayam* sj tumbuhan, (pokok renek), kayu pacat, pokok kancil, rambai ayam, *Anisophyllea disticha.*

lambai-lambai kayu bingkai pintu atau jendela.

lambak 1. longgok (barang-barang yg tidak tersusun), timbunan; **2.** banyak (berlimpah-limpah); *pasar ~ bp* pasar borong; **3.** Mn lapisan (pd tikar, tilam, dll), alas, lapik;

berlambak, berlambak-lambak, melambak, 1. = terlambak tidak tersusun rapi, dilonggokkan sahaja, berlimpah-limpah, bertimbun-timbun: *mengapa dibiarkan kain baju ~ di ceruk bilik?*
2. bp terlalu banyak: *di bandar tu ~ orang yg berkelulusan tinggi yg belum mendapat kerja; kain ~ benang emas kain yg bersulam dgn benang emas banyak-banyak;*

melambak 1. bertimbun-timbun (tidak tersusun), banyak; **2.** Mn melapik, mengalas; ~ *selimut (tikar)* melapisi selimut (tikar);

melambakkan membuat timbunan (longgok) yg tidak tersusun rapi, melonggokkan: *jangan kamu lambakkan kain kotor di situ;*

lambakan 1. longgok (barang-barang yg tidak tersusun), timbunan; **2.** (Eko) amalan menjual barang dr luar negara (biasanya dgn banyaknya) dgn harga yg jauh lebih rendah drpd harga pasaran tempatan;

perlambakan perihal atau kejadian berlambak: *ini menyebabkan berlakunya ~ pekerja dlm pasaran buruh;*

pelambakan perbuatan melambakkan sesuatu, penimbunan.

lamban Mn tidak cepat (bekerja dll), tidak cergas, kelesa, lambat, lemah: *dgn ~, dikatupnya kembali tingkap cermin itu;*

kelambanan keadaan lamban: ~ *plot novel itu.*

lambang 1. tanda yg menyatakan atau mengenalkan sesuatu (spt bendera, lencana, dll), simbol, isyarat, pelambang, perlambang: *masyarakat menjadikan songkok baldi hitam sbg ~ kebangsaan kita; Uda dan Dara selalu disebut sbg pelambang cinta kasih yg teguh dan murni; ~ status harta benda dsb yg dianggap sbg tanda yg menunjukkan kekayaan, prestij, kedudukan sosial yg tinggi dsb seseorang;* **2.** (Lin) tanda yg mewakili entiti linguistik (spt bunyi, fonem, suku kata, morfem dan kata) yg diterima dlm transkripsi fonetik atau sistem tulisan;

berlambang mempunyai atau memakai lambang: *bangunan baru itu masih belum ~;*

berlambangkan mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg lambang, bersimbolkan: *Sistem Penerbangan Malaysia ~ wau bulan;*

melambangkan menjadikan sbg tanda (utk memperkenalkan sesuatu), merupakan lambang, menggambarkan: *penghulu sbg pemimpin masyarakat Dayak juga ~ persatuan dan perpaduan; istilah baru dicipta utk ~ benda-benda baru;*

perlambangan perihal (perbuatan dsb) menggunakan sesuatu sbg lambang: *yg dimaksudkan dgn ejaan ialah ~ fonem dgn huruf;*

perlambang lambang;

pelambang lambang.

lambaran Jw alas (spt tikar dll yg diletakkan di bawah sesuatu benda), landas, lapik.

lambas sj tumbuhan (pokok), cemperai ayam (batu, hitam), kayu serendah, lempedu tanah jantan, *Gomphandra lanceolata*.

lambat 1. tidak cepat atau lekas (pergerakan dll), perlahan-lahan: *ia berjalan terlalu ~;* 2. mengambil masa yg lama: *benih ini ~ tumbuhnya;* 3. lewat drpd waktu yg ditentukan, kasip, tertinggal: *dia datang ~; jam ini ~ sepuluh minit; ~-bangat = ~-laun lama-kelamaan, akhir-akhirnya; ~ lepa Kd pantang ada kesempatan: ~ lepa dia kebas;*

~ laga asalkan menang prb mengerjakan sesuatu biarlah lambat asalkan maksud tercapai; biar ~ asal selamat, tak akan lari gunung dikejar prb membuat sesuatu kerja biarlah dgn cermat dan hati-hati;

lambat-lambat dgn lambat, perlahan-lahan: *mereka berjalan ~ menghampiri pinggir bukit itu;*

selambat-lambatnya (yg) paling lewat, sehabis lama: *mereka akan menerima gaji belakangan ~ dua minggu lagi;*

berlambat, berlambat-lambat membuat sesuatu dgn perlahan-lahan, tidak terburu-buru: *ia merasa perlu berlambat-lambat sehingga ia dapat membuat keputusan yg saksama;*

berlambatan sl mengambil masa yg lama, lambat: *adapun kita ini ~ akan beroleh kembali kerana Raja Rom ini besar sangat kekayaannya;*

melambatkan (sengaja) menjadikan lambat, membuat supaya lambat: *ia ~ jalan basikalnya;*

melambat-lambatkan menyebabkan sesuatu (pekerjaan, tindakan dsb) berjalan lambat-lambat, melengah-lengahkan: *kita tidak boleh ~ pelaksanaan tugas itu; diharapkan pihak bank tidak ~ keputusan pinjaman atau mengambil masa terlalu panjang;*

memperlambat menjadikan lebih lambat: *kerja yg buruk elok diperlambat;*

terlambat melewati (melebihi) masa yg ditentukan, memakan masa, tidak menepati masa, terlewat: *kerana takut ~, Mak Konah tidak menghiraukan lagi usikan anak-anak Cina itu;*

kelambatan **1.** perihal lambat, kelewatan: *~ menetapkan harga padi itu telah menyebabkan mereka rugi; Seri Bija Diraja menyebarkan sebab-sebab ~ yg dialaminya itu;* **2.** terlewat (drpd yg ditentukan), terlambat;

pelambat bahan atau sesuatu yg melambatkan (proses, perjalanan sesuatu dsb): *bahan ~.*

lambau bp perihal bercucuk tanam, pertanian.

lambda huruf ke-11 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Λ , λ .

lambertit (Kim) mineral nadir yg mengandungi uranium.

lambing tegak (telinga dll), cangkang, cekang (susu dan tetek): *telinganya ~ hampir jejak ke bahunya.*

lambir gelambir (pd binatang spt lembu dll).

lambu ark sj perahu; □ **lambuk IV.**

lambuk I gembur, hancur (tanah);

melambuk 1. menghancurkan (tanah), menggemburkan; **2.** membuang tanah ke luar dr tempat yg digali (spt perigi, parit, dll).

lambuk II sj keladi (birah) yg berbatang hitam.

lambuk III; *seluar (celana)* ~ sj seluar yg longgar dibuat drpd sutera, seluar Aceh.

lambuk IV ark sj perahu; **lambu.**

lambuk V 1. sj bubur nasi, dirempahi dan dicampur daging dll (biasanya disediakan di masjid dll utk hidangan berpuka puasa); **2.** Tr sj bubur nasi dicampur dgn sayur-sayuran dan isi ikan.

lambung I naik ke atas atau melompat tinggi (bola, perahu yg dipukul ombak, dll);

berlambung-lambung, berlambung-lambungan 1. saling melambung sesuatu (dlm kumpulan dan menggunakan beberapa biji bola): *mereka ~ bola dlm permainan itu;* **2.** melambung bola berulang-ulang: *anak kecil itu ~ bola seorang diri;*

melambung 1. naik atau membuang ke atas tinggi-tinggi (burung terbang, bola, dll): *akibat letupan itu sebuah tong telah ~ ke udara setinggi seratus kaki;* **2.** ki memuncak naik (harga, nasib, kegirangan, dll): *harga getah telah ~ tinggi dlm tempoh itu;* **3.** ki memberi pujian atau sanjungan yg tinggi;

setinggi-tinggi ~ surutnya ke tanah juga prb selalu kembali ke asalnya;

melambungkan 1. menaikkan atau membuang tinggi-tinggi: *ada yg bersorak sambil ~ senjatanya*; **2.** memberikan puji-pujian atau sanjungan yg tinggi; ~ *dada* ark sombong, membesarkan diri;

terlambung, terlambung-lambung terloncat (terhumban) tinggi-tinggi: *kereta yg mereka tumpangi terlambung-lambung menghempaskan penumpang di dalamnya.*

lambung II = lambungan rusuk atau tepi badan (rumah, kapal, dll), samping: *air memercik hingga menepis ~ kapal; ditikam oleh Hang Tuah seorang kena ~nya*;

melambung mendatangi (menyerang, melanggar, dll) dr samping;

melambung 1. mengenakan atau memasang binaan pd lambung kapal (rumah dll); **2.** belayar atau bergerak di samping.

lambung III Mn perut; *besar ~ kuat makan.*

lambung IV; *getah ~*; □ **getah.**

lambung-lambung; ~ *ikan* gelembung ikan.

lambur I sj ampai-ampai yg besar, ubur-ubur.

lambur II Pr pelantar dapur (bahagian rumah), jambur: *ibunya duduk berjantai kaki di ~.*

lambut I; **melambut** naik berkepul-kepul (asap).

lambut II Pr; **melambut** membonggol (poket, gulungan kain, dll), berbonggol.

lamdukpai sj tumbuhan (pokok memanjat yg akarnya boleh dibuat ubat).

lame (lamé) (Tks) sj kain yg ditenun berselang-seli dgn benang emas atau perak.

lamender (laméndér) ark orang Armenia.

lamiding Br sj tumbuhan (paku pakis), lembiding, *Stenochlaena palustris.*

lamin Mn; **melamin** menghias bilik (tempat tidur) pengantin;

pelamin, pelaminan **1.** tempat pengantin duduk bersanding; **2.** sj bilik pengantin: *setelah sudah kahwin, mereka pun masuklah ke dlm ~*; **kelamin.**

lamina, laminah; *baju* ~ ark baju besi (rantai) pakaian pahlawan.

lampai I tinggi kecil (tubuh badan dll), panjang dan ramping, renceng: *badannya yg kurus ~ itu membongkok sedikit*;

melampai 1. = **terlampai** bergerak-gerak (spt daun-daun kayu ditiup angin dll), melenggok-lenggok (bkn badan ketika berjalan, menari, dll), bergerak lemah-gemalai; **2.** panjang menjulai (dahan dll), kecil dan tinggi: *badannya yg tinggi tegap itu tidak ~ lagi tetapi telah memboyot.*

lampai II sj tumbuhan (pokok), beberas, beras-beras, gemampung, *Aporosa maingayi.*

lampam sj ikan darat, kepiat; ~ *jawa* sj ikan darat, *Puntius gonionotus*; ~ *sungai* sj ikan darat, *Puntius schwanefeldii.*

lampan tempat mendulang bijih (timah dll);

melampam mencari bijih (timah dll) dgn mendulang;

melampani melampam di: *tidak membenarkan sesiapa pun melombong atau mendulang atau ~ wilayahnya*;

pelampam orang yg melampam.

lampang Mn pukulan dgn tapak tangan, tampar, tepuk;

berlampang, berlampang-lampang bertampar-tamparan, tampar-menampar.

lampar; berlampar, berlamparan, melampar 1. tidak tersusun, berserak-serak, bertebar merata-rata: *maka sampailah masing-masing ke halaman balai, berhimpun berlamparan duduk di tanah*; **2.** ki merebak (berita, khabar, dll), tersiar ke merata-rata tempat.

lampari sj canang; **lempari.**

lampas I halus: ~ *perasaan*;

melampas 1. menyapu (mengilap, membersihkan supaya licin); **2.** mengasah (pisau dll), mengilap, mempertajam; **3.** ki membuat supaya jadi biasa, mengamalkan, melatih: *mereka semakin tekun ~ pelajaran di rumah*; ~ lidah melatih lidah supaya fasih berkata-kata; **4.** ki memukul: *kepala kita dilampasnya*.

lampas II berkata sesuatu dgn tidak berfikir panjang, lepas mulut: *belum pernah lagi ia berjumpa dgn budak yg begitu ~ dan kasar*.

lampau 1. lalu, lepas, lewat: *corak hidup orang Melayu pd zaman ~ berlainan sekali dgn keadaan orang Melayu sekarang*; **2.** lebih (drpd yg dijangka atau yg sepatutnya): *jangan ~ berjaga malam nanti lemah badan*;

melampau terlalu sangat, berlebih-lebih (membuat sesuatu), melewati batas, keterlaluan: *mereka menjual barang-barang kpd pelanggan mereka dgn harga yg ~; perubahan sikap ini ialah cara yg baik utk menjadi unsur ~ antara dua keadaan*;

melampau-lampau sangat (terlalu) melampau: *permintaannya ~*;

melampau 1. lalu di, melalui, melintasi: *orang tua itu masih belum ~ persimpangan jalan*; **2.** melebihi (sesuatu peringkat dsb), melewati: *usianya tidak ~ dua puluh lima tahun*; *pakar-pakar sains Islam telah memajukan botani dan zoologi jauh ~ keadaan yg telah ditinggalkan Dioskorides*; ~ batas; **3.** melebihi (had, ketentuan, dsb yg wajar), berlebih-lebihan, melanggar (tatatertib dll): *tidak tahan hati melihat kekejaman dan keganasan yg ~ batas itu*; **4.** mengatasi (sesuatu kesukaran, kesulitan, dll);

terlampau sangat berlebih-lebih, terlalu atau teramat sangat: *kanak-kanak tidak harus dipenjarakan kecuali dia ~ jahat*; *maka terjumpalah sebatang kayu yg ~ besarnya*;

terlampau sudah dilalui (tempat dll), telah melebihi: *tengah malam sudah ~; musim kecil sudah ~ dan musim besar akan datang kira-kira tengah dua bulan lagi;*

keterlampauan perihal, sifat atau keadaan terlampau, keterlaluhan;
lampauan takat yg paling tinggi atau paling jauh: *antara kedua-dua ~ ini mungkin ada kekecualian;*

kelampauan sudah terlambat atau terlewat, telah didahului (oleh orang lain), kelewatan; *anak gadis itu sudah ~ a) adiknya berkahwin dahulu daripadanya; b) sudah agak lanjut umurnya;*

pelampauan perihal atau perbuatan melampau atau melampauai sesuatu: *punca kesilapan seterusnya, menurut Ibnu Khaldun, ialah ~;*

pelampau orang yg melakukan sesuatu dgn berlebih-lebihan, orang yg mempunyai faham (kepercayaan) yg berlebih-lebihan: *ancaman puak ~ telah meresahkan penduduk kota itu.*

lampeni sj tumbuhan (pokok renek), *Ardisia humilis*.

lampes Jw sj tumbuhan (herba semacam selasih), *Ocimum sanctum*.

lampias Jk **1.** memancar (aliran air dll), deras, licin, tidak tersekat-sekat;
2. ki kencang dan lancar (sesuatu pergerakan dll);

melampiaskan **1.** memudahkan atau melicinkan pengaliran (pergerakan dll), tidak melambat-lambatkan; **2.** tidak menahan atau menyekat-nyekat, membiarkan, melepaskan: *mereka datang kpd aku dan isteriku utk ~ hasratnya.*

lampin I **1.** kain pembarut (anak kecil dll), kain bedung; **2.** kain empat persegi berwarna putih yg dipakaikan pd bayi utk menyerap air kencing dsb; **3.** Jk kain pelapik atau pengalas tangan (ketika memegang barang panas);

melampini **1.** membarut anak kecil, membedungi; **2.** memakaikan lampin pd bayi; **3.** melapik atau mengalas tangan.

lampin II; ~ *budak* sj tumbuhan (pokok belukar), mata kesang, senggugut, sunga tasik, taman tasik, tambun tasik, tenjal tasik, timba tasik, tinjal tasik, *Clerodendron serratum*.

lamping Jk lereng.

lampion IB lampu kertas, tanglung.

lampir helai (kertas, surat, muka surat, dll), keping: *baru dua tiga ~ aku baca, aku naik jemu*;

melampiri menyertai dgn yg lain (spt surat dll), mengirimi bersama;

melampirkan menyertakan atau mengembarkan dgn yg lain (spt surat dll), mengirim bersama: *bersama ini dilampirkan sekeping surat permohonan bercuti*;

lampiran sesuatu yg dilampirkan (spt surat keterangan dll), tambahan (pd buku, surat, dll): ~ *yg dihantar itu telah hilang*.

lampis Mn lapis: *bajunya tiga ~*.

lampit sj tikar rotan.

lampoyang sj tumbuhan (herba), tepus, *Zingiber aromaticum*; ~ *gajah* sj tumbuhan (herba), *Zingiber zerumbet*; ~ *hitam* sj tumbuhan (herba), kunyit teras hitam, bersih hitam, *Zingiber ottergii*.

lampri sj binatang laut drpd famili Peteromyzonidae yg rupanya seakan-akan belut.

lampu 1. sj alat utk menerangi (sesuatu ruang, kawasan, dsb), pelita, suluh; **2.** ki penerang pemikiran atau rohaniah: *al-Quran merupakan ~ yg menerangi dunia*;

~ *arka* lampu yg sangat terang cahayanya (yg terhasil oleh arka elektrik apabila arus elektrik mengalir di antara dua elektrod); ~ *ayam* sj lampu minyak yg mempunyai sisi kaca, yg dipasang pd waktu malam supaya ayam, itik dsb tidak kesejukan; ~ *duduk* lampu yg diletakkan di atas meja; ~ *dunia* matahari; ~ *gantung*

lampu yg dipasangkan tergantung dr siling dsb (tidak terlekap pd dinding); ~ *gas (gasolin)* lampu yg menggunakan pam (utk menaikkan minyak); ~ *hijau* a) isyarat bergerak dlm sistem lalu lintas; b) ki kebenaran atau persetujuan utk melaksanakan sesuatu projek dll; ~ *jalan* lampu elektrik yg dipasang pd tiang di sepanjang sesuatu bahagian jalan; ~ *kalimantang* lampu pendarfluor; ~ *karbaid* lampu yg menggunakan gas karbida; ~ *kuning* isyarat bersedia utk berhenti dlm sistem lalu lintas; ~ *limpah* lampu besar yg sangat terang dgn alur cahaya yg lebar, biasanya digunakan di luar utk menerangi sesuatu kawasan, bangunan dsb; ~ *meja* lampu elektrik kecil yg diletakkan di atas meja dsb; ~ *merah* a) isyarat berhenti dlm sistem lalu lintas; b) isyarat amaran; ~ *neon* lampu elektrik yg menggunakan gas neon (biasanya berwarna-warni); ~ *pendarfluor* lampu yg cahayanya dihasilkan melalui nyahcas elektrik dlm tiub bertekanan rendah; ~ *picit* suluh yg menggunakan bateri; ~ *suluh* lampu picit; ~ *tempel* lampu yg disangkutkan di dinding; ~ *terendak* sj lampu hiasan (biasanya di ruang tamu) yg mempunyai terendak; ~ *tidur* lampu yg cahayanya sangat malap, yg digunakan semasa tidur; ~ *tumpu* lampu yg sangat terang yg boleh ditumpukan pd sesuatu tempat dsb supaya jelas kelihatan; *spt* ~ *kekurangan minyak* prb hidup yg sangat melarat;

berlampu mempunyai (telah dipasang) lampu: *bilik itu tidak ~*;

melampukan memasang lampu di sesuatu tempat (ruang dsb): ~ *semua bilik di dlm rumah itu.*

lampuh Br gemuk (pendek).

lampuk Mn timbunan padi yg baru disabit; *bagai ayam dibawa ke ~* prb
a) kehairanan melihat sesuatu perkara; b) orang yg tidak pernah masuk majlis.

lampung; melampung timbul (di permukaan air dll), tidak tenggelam, terapung; ~ *pukat* nampak-nampak hilang;

pelampung sesuatu benda terapung (utk penahan kail, orang berenang, dll supaya jangan tenggelam): *mari kita naik ~ terap ini menyeberang ke seberang sana.*

lampus ark Jw mampus, mati.

lamtanah jenis percambahan yg kotiledonnya tinggal dlm tanah (tidak menyorong keluar).

lamun I 1. (meskipun ...) tetapi: *sungguhpun kajian Baron de Montesquier tentang parlimen England tidak berapa betul, ~ pendapatnya berkenaan perceraian kuasa-kuasa pemerintah tetap bernilai; 2.* *sungguhpun: ~ begitu, ia dipenjarakan juga; 3.* sl asalkan, asal saja: *apatah tuan tangiskan, ~ tuan sudi beribukan bonda, apatah salahnya.*

lamun II; melamun memikirkan sesuatu, berangan-angan, berkhayal: *kerjanya ~ sahaja;*

lamunan fikiran yg bukan-bukan, angan-angan: *dlm ~ itu, Pak Sudin terus terlena;*

pelamun orang yg selalu atau suka melamun.

lamun III Mn; melamun 1. menimbunkan (pakaian dll), tidak disusun atau diatur baik-baik; **2.** meliputi (spt air menutupi karang), menggenangi: *bersama-sama tenggelam dilamun ombak dan gelombang; 3.* ki menyelubungi (kesedihan, bencana, kesenangan dsb), merundung: *Zaini sedang dilamun perasaan yg sedih pilu; entah hilang anakanda di laut lepas, entah dilamun ombak tujuh.*

lamur tidak terang pelihatan, rabun.

LAN 1. akronim bagi Lembaga Akreditasi Negara; **2.** (Komp) akronim bagi *Local Area Network* (rangkaian kawasan setempat).

lana sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ketuan, daun patuk tuan, rumput melian, *Thunbergia laurifolia*.

lanang I; melanang memintal tali dgn menggunakan pemberat di hujung tali itu.

lanang II Jw laki-laki: *Candera Kirana pun bersalin pakaian cara ~*.

lanar I mendapan tanah subur yg terdiri drpd lumpur, kelodak dan pasir yg ditinggalkan oleh air sungai yg mengalir dan sesudah banjir: *tanah yg baik sekali ialah tanah ~ yg di lembah dan di delta sungai*.

lanar II sj penyakit tumbuh-tumbuhan.

lanar III Kl; **berlanar** tidak tersusun, bersepah-sepah, berselerak.

lanar IV; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar keremek, keledak hutan, *Ipomoea digitata*.

lanas Kl nanas.

lanau lumpur, berlumpur, becak.

lanca I sj sampan besar.

lanca II beca (yg ditarik orang).

lancang I 1. kapal layar yg laju: *kenaikan baginda ~ emas panjangkan*; 2. ancak (perahu kecil) utk memuatkan jamuan hantu; 3. Mn tepak sirih (yg berbentuk spt kapal layar); *main ~~~* melemparkan batu pd paras permukaan air.

lancang II 1. tidak senonoh (kelakuan, pengucapan, dll), tidak sopan, biadab: *jangan marah kalau aku terlanjur dan dipandang ~ menulis surat kepadamu*; 2. terlalu cepat (mengatakan atau melakukan sesuatu yg tidak baik atau sopan), lepas cakap (mulut): *mengapa mulut engkau begitu ~?; ~ mulut* suka mengeluarkan kata-kata yg tidak senonoh (yg menyakiti hati dsb);

melancangkan melakukan sesuatu (yg tidak senonoh) dgn berani atau dgn cepat: *mereka cuba ~ tangan mereka utk mengusik tubuh Esah;*

terlancang terlangsung (melakukan sesuatu), terlanjur;

kelancangan perihal lancang; ~ *mulut* perihal (sifat, perbuatan) lancang mulut.

lancang III sj tumbuhan (herba), ara tanah, gelang susu, keremak susu, *Euphorbia hirta*.

lancap I licin lagi galir, tirus meruncing.

lancap II; melancap melakukan zina tangan.

lancap III Mn; terlancap terlanjur (cakap dll), terlangsung, lepas cakap.

lancar I terlalu pantas dan licin (pergerakan sesuatu benda, percakapan, dll), fasih (hafaz) benar, laju, tidak tersangkut-sangkut: *bacaannya ~; bas itu berjalan dgn ~nya; ~ kaji kerana diulang prb* kepandaian dan kemahiran didapati kerana selalu berlatih;

selancar, berselancar 1. bermain lancang-lancang; **2.** meluncur di atas air (dgn papan dll);

melancar 1. bergerak dgn laju (motokar, kapal, dll): *kereta itu ~ dgn lajunya meninggalkan tempat itu;* **2.** menghafaz, selalu mengulangi pelajaran: *engkau bukan tidak pandai, tetapi engkau malas ~ di rumah;*

melancarkan 1. memulakan (menggerakkan) sesuatu dgn cepat, meluncurkan: *Rusia telah ~ sebuah kapal angkasa lepas yg memuatkan tiga orang angkasawannya;* **2.** menyebabkan berjalan dgn cepat (licin), melicinkan (sesuatu usaha dll): *pengakuan ejaan ini akan ~ perhubungan dan pertukaran fikiran;* **3.** melakukan atau mengadakan sesuatu (serangan, tindakan, dll): *pd mulanya mereka teragak-agak juga hendak ~ peperangan ke atas orang Islam; gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan akan dilancarkan tidak*

lama lagi; bagai pucuk dilancarkan prb pergerakan yg terlalu cepat;

memperlancar membuat supaya lebih lancar;

memperlancarkan menjadikan lebih lancar: *urutlah bahagian yg kejang utk ~ oksigen;*

terlancar-lancar sl (dgn) terlalu cepat, tergesa-gesa: *adapun kita sekalian berjalan jangan ~ dahulu kerana negerinya sudah hampir;*

kelancaran 1. kecepatan (melakukan sesuatu), berkata-kata dll), kepantasan, kelancangan: *barangkali abangnya akan memarahi dia kerana ~ mulutnya itu; 2.* kelicinan (dlm mengusahakan atau membuat sesuatu): *konfrontasi tidak sedikit pun menyentuh kepesatan dan ~ kita utk membangun;*

pelancaran perihal atau perbuatan melancarkan (memulakan sesuatu gerakan, rancangan, dll): *~ kempen kebersihan oleh Perdana Menteri;*

pelancar alat utk melancarkan sesuatu objek, spt roket dan projektil, supaya bergerak dgn pantas ke udara: *~ roket.*

lancar II; lancaran sl sj perahu yg laju: *pd ketika itu kelengkapan Suir dua puluh ~ bertiang tiga.*

lancar III; pelancar 1. = **pelancaran** ark pelantar, pelantaran; **2.** kayu palang (baluk) yg menghubungkan dua tiang.

lancar-lancar sj burung, pipit padang, *Anthus novaeseelandiae malayensis.*

lanci motobot yg biasanya digunakan sbg bot pengangkutan.

lancing Jw = **lancingan** ark seluar.

lancip tirus ke hujung, runcing: *mereka memakai topi ~ yg meruncing di atas kepala;*

melancipkan meniruskan (menghaluskan) ke hujung, menajamkan.

lancong; melancong melawat sambil melihat-lihat (bersenang-senang):

dia bercadang utk ~ ke luar negara pd tahun hadapan;

pelancongan 1. perihal melancong: *dlm ~ itu kami sempat menikmati keindahan Kebun Raya Bogor;* 2. perihal orang melancong dan perkhidmatan yg berkaitan dengannya: *menggalakkan perusahaan ~ di negara ini;*

pelancong orang yg melancong: *kedua-dua bandar itu selalu dilawati ~ kerana pemandangannya yg cantik.*

lancung I 1. tidak tulen (barang-barang dll), palsu: *emas ~;* 2. tidak jujur, tidak sebenar-benarnya, curang: *cintamu kepadaku selama ini ~, palsu, sekali-sekali bukan cinta sejati; sekali ~ keujian seumur hidup orang tak percaya prb sekali diketahui perangai yg buruk sepanjang masa orang tidak percaya lagi;*

melancung, melancungkan membuat palsu atau tidak benar, menipu: *~ wang;*

lancungan (barang-barang) tiruan atau palsu: *paun emas itu digantinya dgn paun ~;*

kelancungan keadaan yg tidak tulen (betul, jujur, dll), kepalsuan.

lancung II sj tumbuhan (rumput), *Leptaspis urceolata*.

lancur I; melancur memancur atau memancut, mencucur: *bomba itu pun sangatlah bocor, sepanjang jalan habislah ~.*

lancur II □□ **lancur.**

lancut I; melancut memancut (air dll), menyembur dgn kencang;

terpelancut ki terkeluar dgn tiba-tiba: *suara Yunus ~ drpd mulutnya.*

lancut II tidak berguna, sia-sia.

landa I; melanda 1. memasuki atau menimpa (sesuatu) dgn keras (hebat, paksa), melanggar, merempuh, menempuh: *sekali bergegar juga gubuk itu dilanda angin; kalau musuh hendak ~ tanah air kita, langkah mayat pemuda pemudinya dahulu;* **2.** ki menimpa (menguasai): *sekarang putus asa ~ jiwanya;*

melandai menempuhi (dgn paksa), melalui: *ia ingin mencari hidup yg lebih bagus drpd yg pernah dilandainya;*

terlanda terlanggar, dirempuh: *ingat, jangan ~ anak isteri orang apabila berjalan-jalan di pasar;*

landa hasil melanda, rempuhan: *kesan drpd ~ hujan asid itu;*

pelandaan perbuatan melanda: *peluasan kuasa penjajah merupakan satu proses ~ yg agak mustahil dapat dibendung.*

landa II; melanda mencari bijih dgn dulang, melimbang, mendulang: *air dan lodak itu dilanda utk mengasingkan bijih logam drpd lodak yg lain;*

pelanda orang yg (tugasnya) melanda, pendulang.

landa III Jw ark air abu.

landahur ark sj orang yg besar badannya.

landai I = melandai menurun tetapi tidak curam (tanah, pantai, dll), cenderung: *di lembah sungai yg cerunnya ~ dibina jalan raya dan jalan kereta api; pelantar laut yg ~ di sepanjang pantai;*

terlandai tercampak ke pantai, tersadai, terdampar: *tong-tong lapuk terapung dan ~ di pantai;*

landaian lapangan (tanah, pantai, dll) yg landai.

landai II; landaian hulu keris.

landak sj binatang yg kulitnya berduri; ~ batu = ~ nibung sj landak, *Atherurus macrourus;* ~ raya = ~ tunggal, *Hystrix brachyura;* ~ laut sj karangan laut yg berduri kulitnya; *bunga ~ = empedu ~ sj*

tumbuhan (pokok kecil), *Barleria prionitis*; *menduri* ~ = sbg duri
~ jari yg halus tirus lagi cantik (pd perempuan).

landang; *lalu*-~; □□**lalu II**.

landap sj tumbuhan (herba), bakuh, bakung, bunga tembaga suasa,
Crinum asiaticum.

landas I 1. alas, lapik: ~ *memotong kayu*; **2.** asas yg mendasari sesuatu
(objektif, idea, dsb): ~ *itu sebenarnya sekadar suatu teori utk
menjangkau sesuatu*;

berlandas mempunyai (berlapik atau beralas dgn) landas: *bangku
pemotong kayu itu ~*;

berlandaskan 1. mempunyai sesuatu sbg landas atau landasan:
papan itu dipotong ~ bongkah kayu; **2.** berdasarkan, beralaskan:
prinsip-prinsip Rukun Negara yg ~ agama;

melandasi menjadi dasar (asas) kpd: *sesungguhnya kajian
lapangan yg ~ tulisan ini sangat terbatas; tindakan ini dilandasi
oleh peraturan-peraturan yg telah ditetapkan*;

melandaskan 1. memasang landas atau landasan pd; **2.**
mendasarkan, mengasaskan: *bukanlah menjadi suatu kesalahan
utk ~ penerangan guru pd huraian-huraian yg terdapat dlm teks
tersebut*;

landasan 1. = **pelandas** ark alas, pengalas, penahan (ketika
menempa besi dll), pelapik; ~ *kereta api* besi tempat kereta api
bergerak; ~ *terbang* kawasan (yg keras) tempat kapal terbang
turun atau naik; **2.** ki dasar, asas jalan: *orang ramai tidak akan
menentang kamu selagi kamu berjalan di atas ~ yg betul; konsep
bahasa tinggi menjadi ~ kertas kerja ini; kamu berjalan di atas ~
yg betul*;

berlandasan 1. menggunakan landasan, berlapik atau beralasan:
mencencang ~, melompat bersetumpu, menjunjung

bersenggulung; **2.** mempunyai sesuatu sbg alasan (dasar), beralasan, berdasar.

landas II; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), mahang bulan (serindit, tekukur), *Macaranga triloba*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok renek), gading-gading, lada burung besar, *Greenia corymbosa*.

landas III Sr, Sb musim tengkujuh.

landau I ark; **melandau** mencebak (bijih yg masih tertinggal).

landau II sj kereta kuda yg beroda empat.

landrad IB ark mahkamah perbicaraan.

landrente IB ark cukai tanah (drpd hasil tanaman rakyat).

landros IB ark tuan tanah (sesuatu kawasan), pegawai pentadbir di daerah.

landskap 1. pemandangan alam sesuatu kawasan yg mengandungi unsur-unsur spt bukit bukau, sungai, dan tumbuh-tumbuhan, terutamanya pemandangan pedesaan; **2.** catan, lukisan, dsb yg menggambarkan pemandangan alam; **3.** seni taman yg memaparkan ciri-ciri pemandangan alam.

landuk sj ikan laut, *Lethrinus spp.*

landung I panjang ke bawah (tali, seluar, dll), labuh;

melandung 1. memanjang ke bawah, melabuh; **2.** kendur, tidak tegang (tali yg terentang);

melandungkan 1. memanjangkan ke bawah, melabuhkan; **2.** mengendurkan.

landung II sj ikan laut, *Dorosoma chacunda*.

landung III; ~ *padi* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar sasaran, *Conocephalus subtrinervius*.

landur; **melandur 1.** tidak tegang atau cekang, labuh ke bawah, melandut, kendur; **2.** lemah lutut (kerana penat berjalan);

melandurkan 1. menyebabkan landur (tidak tegang dsb), melandutkan, mengendurkan; 2. menyebabkan landur (lemah lutut).

landut; melandut melengkung ke bawah (tali yg direntang dll), tidak tegang, kendur;

melandutkan menjadikan melandut (kendur), mengendurkan.

lang I sj burung pemangsa dlm famili Accipitridae; ~ *barat* = ~ *kepala putih*, *Circus aeruginosus*; ~ *belalang* burung rajawali, *Microhierax caerulescens*; ~ *berjambul*, *Spilornis cheela*; ~ *gunung*, *Spizaetus nipalensis*; ~ *hitam*, *Ictinaetus malayensis*; ~ *ikan*, *Heliaeetus leucoryphus*; ~ *jambul* = ~ *malam*, *Machaerhamphus alcinus*; ~ *kangkuk*, *Icthyophaga spp.*; ~ *laut* = ~ *putih* = ~ *siput*, *Heliaeetus leucogaster*; ~ *lebah*, *Pernis apivorus*; ~ *merah* = ~ *tembikar*, *Haliastur indus*; ~ *rintik*, *Bustatur indicus*; ~ *sewah* = ~ *tikus*, *Elanus caerulens*; ~ *sikap*, *Accipiter trivirgatus*; ~ *tiram*, *Pandion haliaetus*; *burung ~ ling* sj burung, *Anthracoseros malabaricus*;

~ *menerap buaya* prb pemuda yg merenggut bunga drpd sanggul seorang gadis; ~ *pungguk ~ berikan*, *tidur siang berjaga malam* prb orang jahat (pencuri) yg tidur siang dan berjaga malam; *di tempat tiada ~*, *kata belalang*, *akulah ~ = tak ~ si pungguk menjadi ~* prb di tempat tiada orang yg pandai si bodoh mengaku dirinya cerdas; *pantang ~ dgn ayam lambat-laun disambar juga* prb dikatakan bkn sesuatu yg tidak baik apabila diperdekatkan.

lang II ark bp selang (waktu), antara, lat; ~ *sehari* selang sehari.

lang III Jk sj meja tempat menaruh atau menjaja barang-barang.

langkah; melangkah membuka lebar-lebar atau luas-luas, mengangakan (mulut dll);

terlangah terbuka lebar-lebar (mulut dll), terbelangah, ternganga:
ternganga bagai gua ~.

langak; *~languk* = *~longok* memandangi-mandangi (spt ada benda atau orang yg dicari-cari);

melangak memandangi (ke atas), memandangi dgn mendongak-dongakkan kepala: *aku ~ ke atas dan nampak buah pisang yg tidak ada jantungnya lagi.*

langap; melangap membuka mulut dll luas-luas.

langau sj lalat (pikat) besar yg menggigit; *~ hijau* lalat yg berwarna hijau dan berdengung-dengung bunyinya;

bagai ~ di ekor gajah prb orang yg menurut kemahuan orang besar atau orang yg pandai; *hinggap bak ~ titik bak hujan* = *hinggap saja bagai ~* prb sesuatu yg berlaku dgn tiba-tiba; *masuk ~ ke mulutnya* prb terlalu hairan sehingga ternganga mulutnya.

langgah I; melanggah Kd minum banyak-banyak (dgn sekali gus):
Nong ~ air dgn agak gelojoh.

langgah II Kd (ketawa dll) dgn kuat dan berlebih-lebihan.

langgai I sj belat utk menangkap ikan.

langgai II kulit buah kacang dll drpd kumpulan *Leguminosae*.

langgai III sj ikan laut, *Trichiuridae*.

langgaian Mn para-para (tempat membiarkan kacang, timun, dll naik),
junjung.

langgak Mn; **melanggak;** □□ **lenggak.**

langgam Mn 1. cara, kaedah, laku, adat kebiasaan: *menurut ~ dan pandangan orang-orang kampung, abang masih dipandang hina;*
2. irama lagu yg digemari ramai (lwn irama asli): *lagu-lagu ~ dan asli.*

langgan; berlanggan, melanggan membeli dgn tetap (surat khabar, majalah, dll): *kami ~ tiga buah surat khabar; boleh dikatakan semua majalah keluaran tanah air dilanggannya;*

berlangganan membeli dgn tetap: *mereka sudah lama ~ dgn Wim tentang barang-barang seludupan;*

langganan 1. = pelanggan; 2. penjual yg tetap; **3.** hubungan jual beli atau urus niaga yg tetap (antara seseorang penjual dgn pembeli yg selalu membeli daripadanya); **4.** = *wang* ~ pembayaran yg tetap (kerana berlanggan);

pelanggan 1. pembeli (surat khabar, majalah, dll) yg tetap: *makin bertambah ramailah ~nya dan kedainya pun bertambah besar pula; 2.* orang (syarikat) dsb yg membayar kpd seseorang spt peguam (pembina dsb) utk mendapatkan atau melakukan sesuatu bagi pihaknya.

langgang; tunggang-~; □□tunggang.

langgar I laga, rempuh, serang, tempuh; ~ *adat* = ~ *bahasa* biadap, tidak sopan; ~ *jangan beragak* menyerang dgn sungguh-sungguh; ~ *lari* perbuatan melanggar (di jalan raya) kenderaan lain, orang, dsb, tanpa menunggu atau membuat laporan polis;

berlanggar, berlanggaran 1. berlaga (kereta dll), beradu, berhantuk: *sebuah motokar telah ~ dgn sebuah lori di batu 10 jalan ke Pahang; 2. = berlanggar-langgaran* saling menyerang: *setelah bertemu dgn kelengkapan Mengkasar lalu berperang berlanggar-langgaran; 3.* tidak mengikut (adat, resam, dll), berlawanan dgn, bertentangan dgn: *kalau melakukan sesuatu, janganlah sampai berlanggaran dgn undang-undang;*

melanggar 1. merempuh, melanda, melanyak: *seorang kanak-kanak telah mati dilanggar kereta api; 2.* mendatangi (utk menguasai, memusnahkan, dsb), melanda, menyerang: *bukannya*

*musuh akan ~ melainkan adapun sebab beta memanggil orang besar-besar kerana putera beta ini hendak pergi berburu; Melaka pd masa itu sudah dikalahkan oleh Peringgi yg juga sering ~ Johor, negeri pelarian raja-raja Melaka; 3. tidak patuh pd (undang-undang dll), menyalahi, melawan, menentang: orang yg ~ undang-undang boleh didakwa di mahkamah; lalu lintas tidak mengikut undang-undang, malah lampu merah pun dilanggar; ~ sumpah tidak menepati sumpah atau melakukan sumpah bohong; **melanggarkan** melandakan, mengadukan, merempuhkan: *maka gajah itu dilanggarkan baginda ke balairung;**

terlanggar 1. tersadung, terempuh, dirempuh: *ia hampir tersungkur kerana ~ bungkusan kain baju; 2. melanggar (peraturan, undang-undang, dll): barang siapa yg memegang dia, tentu akan ~ pantangan;*

perlanggaran perihal (kejadian dsb) berlanggar (antara kenderaan, kenderaan dgn orang, dll): *kereta itu terlibat dlm ~ dgn sebuah lori di batu empat jalan Kuantan-Gambang;*

pelanggaran 1. perihal melanggar (menyerang, menyerbu, dsb): *~ orang kafir terhadap orang Islam itu telah dapat dipatahkan; 2. perihal menentang perbuatan dsb atau tidak mematuhi (undang-undang, peraturan, adat, dll): ~ disiplin berlaku kerana murid-murid tidak menghormati peraturan sekolah;*

pelanggar orang atau sesuatu (spt kereta dll) yg melanggar: *apabila undang-undang itu dilanggar maka si ~ akan dihukum.*

langgar II surau, madrasah: *suara azan dr ~ di hujung kampung itu baru sahaja hilang dr udara.*

langgar III Br bahagian yg beratap dan menganjur dr ibu rumah.

langgas tidak terikat pd sesuatu atau pd orang, bebas.

langgeng Jw selama-lamanya, abadi, kekal;

kelanggengan keadaan yg kekal.

langguai sj tepak sirih yg bulat (dibuat drpd tembaga).

langguk Kl **1.** tinggi sekali (layang-layang dll); **2.** Jw congkak, sombong.

langgung I; melanggungkan meletakkan atau menyandarkan pd: *Karim berpaling dan ~ pahanya pd punggung Jalil.*

langgung II = ~ batu = ~ paam sj tumbuhan (pokok), meranti paam (paang), seraya batu, *Shorea brateolata*.

langi sj ikan laut, tenggiri, *Scomberomorous spp.*

langir 1. sj tumbuhan (pokok kecil), *Albizzia saponaria*; ~ buaya sj tumbuhan (pokok renek), setampin, tampin hutan, *Mallous griffithians*; ~ tengkawas sj tumbuhan (pokok), medang (kuning, merah), mempat jantan, *Cryptocarya ferrea*; **2.** pencuci rambut (badan, keris, dll) biasanya dgn menggunakan bahan-bahan tradisional (spt sintuk, limau purut, dsb);

berlangir, melangir membersihkan rambut (badan, keris, dll) dgn langir: *kalau dia mandi, bukan main lamanya, berbedak ~ dahulu; maka segera dilangirnya dan dimandikan anaknya itu;*

melangiri membersihkan rambut atau badan orang lain dgn langir: *Raja Melaka dan Raden Mas Ayu pun dilangiri oleh segala raja yg tua-tua.*

langis I ark; *tumpas* ~ habis jahanam (rosak).

langis II Br tiada yg tinggal lagi (makanan, duit, dll), bersih.

langit lengkung yg tampaknya biru dan melingkungi bumi: *tujuh petala ~; berasa dlm ~ yg ketujuh senang sekali;*

~ berkelikir bumi bertemberang, salah-salah fikir, jadi hamba orang prb fikiran yg mengikut hawa nafsu itu akhirnya membawa kpd kehinaan; ~ dapat dilukis sudut kambut diserayakan prb kesalahan orang lain walaupun kecil tampak tetapi kesalahan

sendiri tidak; ~ *menyungkup kepala* prb tidak dapat melepaskan diri drpd perintah orang yg berkuasa (raja); ~ *runtuh bumilah terban* = ~ *runtuh bumi cair* prb kehilangan tempat menumpang hidup; *di mana bumi dipijak di situ ~ dijunjung* prb hendaklah menurut adat dan resam tempat yg kita diami; *disangkakan ~ itu rendah, dipandang dekat, dicapai tak boleh* prb sebelum mencuba sesuatu pekerjaan itu janganlah dikatakan mudah atau senang; *kalau ~ hendak menimpa bumi, bolehkah ditahan dgn telunjuk* prb orang kecil tidak dapat menolak kehendak orang besar-besar;

melangit **1.** menghala (terbang, naik) ke langit; **2.** tinggi sekali, melambung tinggi: *tidaklah elok kalau terus-menerus orang itu dipuji ~; congkaknya ~ sombong sekali; ~ biru;* a) terbang (pergi) ke langit biru; b) berwarna spt warna langit biru.

langit-langit **1.** kain yg dipasang di atas bilik (di bawah atap), papan dll yg dipasang di bawah atap, kain bahagian atas kelambu: *baginda menitahkan pula mereka membentangkan tabir dan ~ yg indah-indah warnanya;* **2.** bahagian sebelah atas rongga mulut (ada bahagian lembut dan keras);

berlangit-langit mempunyai langit-langit (bkn kelambu dsb).

langka Jk jarang-jarang berlaku (terjadi, ada, dll);

kelangkaan perihal (keadaan) langka: ~ *kata pinjaman Inggeris dlm dialek Melayu.*

langkah **1.** gerak kaki ketika berjalan (ke hadapan atau ke belakang): *pasangan suami isteri itu pun berjalan pulang dgn ~ yg berat;* **2.** jarak di antara dua belah kaki ketika berjalan: *ada kira-kira lima ~ ia meninggalkan tangga rumah, ia berhenti;* **3.** cara mengerjakan sesuatu, sesuatu yg dikerjakan, perbuatan: *sejak tadi lagi kuketahui dan kuawasi ~nya;* **4.** awal perbuatan (perjalanan, pekerjaan, dll); ~ *baik (buruk)* permulaan yg baik (buruk);

~ *bendul* a) berkahwin dahulu drpd kakak; b) memperisteri adik sedangkan kakaknya belum berkahwin; ~ *gelombang dua belas* nama gerak dlm pencak silat; ~ *kanan* mujur; ~ *kiri* sial (tidak beruntung); ~ *surut* undur (langkah ke belakang); *mengangkat* (*membuka, mengambil*) ~ *seribu* cabut lari (kerana takut dll);

melangkah, berlangkah 1. menggerakkan langkah, menghayunkan langkah, berjalan: *ia ~ dua langkah ke hadapan*; 2. memulai perjalanan (pelayaran dll): *serta mustaid ia pun ~lah dgn tauhid hatinya meninggalkan kampung halaman*; 3. = **melangkahi**; 4. tidak mengikut susunan, melangkau: *dilangkahnya beberapa perenggan lalu membaca perenggan yg lain*; 5. ark melalui, menempuh: ~ *lautan*;

melangkahi 1. melampaui, melangkaui: *ia terus ~ tangga*; 2. melanggar, tidak mengikut tata tertib (peraturan dll), menyalahi: *perbuatan spt itu dianggap telah ~ adat Melayu; adat bermain pantai itu sudah menjadi adat pusaka yg tak boleh dilangkahi lagi*;

~ *bendul* langkah bendul; ~ *laki* bermukah (bkn perempuan yg sudah bersuami);

melangkahkan 1. menggerakkan langkah, menggerakkan kaki kerana berjalan: *dia ~ kakinya mundar-mandir mengelilingi Kota Melaka*; 2. memulakan perjalanan atau pelayaran (perahu dll);

langkah hasil perbuatan melangkah: *harimau itu berhenti drpd meneruskan ~ kakinya*;

kelangkahan 1. suami yg isterinya berlaku curang; 2. didahului adiknya berkahwin, kelampauan; 3. Jk dilangkahi atau dilalui;

pelangkahan 1. perihal melangkah (melangkahi, melangkahkan); 2. = **pelangkah** permulaan sesuatu pekerjaan (pelayaran, tindakan,

dll): *menurut ilmu ~ ini alamat buruk; pd kali ini barulah pelangkahnya betul kerana waktu ia sampai bapanya sudah balik.*

langkai Mn lampai, ramping.

langkan 1. serambi atau beranda yg berkisi-kisi dindingnya: *lain drpd bilik tidur dua buah, ada pula ~ dan tempat makan; 2.* Jk pagar jambatan dll yg berkisi-kisi.

langkap I sj tumbuhan (palma), *Arenga westerhouti*; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), Tinomiscium petiolare.*

langkap II bahagian tepak tempat menyimpan sirih.

Langkapura Pulau Sailan, Sri Lanka.

langkara sl □ **lengkara.**

langkas I ark cergas, pantas, tangkas.

langkas II gugur kerana sudah masak (bkn buah-buahan spt durian dll), habis musim buah-buahan; *~ buah kepaya prb perihal sesuatu yg mustahil;*

selangkas semusim (drpd berputik hingga masak dan gugur).

langkah I sl tiga hari lagi dr sekarang, tulat.

langkah II berlapis (tikar dll): *diletakkan di atas peterana ciu dua belas ~.*

langkau = terlangkau dilangkahi atau dilampauai (bacaan, perbuatan, dll);

melangkau melangkahi atau melampauai, tidak mengikuti susunan, menyelang-nyelangi: *bacaannya melangkau-langkau sahaja;*

melangkaui melalui, melewati: *mereka dapat ~ kubu-kubu Jepun yg kuat.*

langking ark hitam.

langkisau angin keras dan tidak menentu haluannya (pd peredaran musim).

langkitang Mn sj siput.

langkup; terlangkap terlingkup (perahu dll), terbalik: *perahunya telah ~ tetapi masih timbul.*

langlai longlai; *lemah-~*; □□**lemah.**

langlang 1. = **melanglang** menjalani (utk memeriksa dll), mengelilingi;
2. orang yg mengembara (meronda dll), peronda, pengembara; ~
buana peronda dunia.

langsai I 1. sudah habis dibayar (hutang dll), jelas, lunas, selesai: *hutang lama belum ~, hutang baru bertambah pula*; **2.** sl jelas (rupa, pandangan, dll), terang: *akan Raden Inu setelah matahari ~, maka barulah ia bangun;*

hutang samir belum ~, hutang kajang tumbuh pula prb hutang dahulu belum dibayar, sekarang berhutang pula; *sekali mengorak pura dua tiga hutang ~* prb menyelesaikan beberapa perkara dgn sekali lalu (buat);

melangsaikan melunaskan (hutang), menjelaskan, menyelesaikan: *dia ~ hutang ayahnya.*

langsai II tirai.

langsai III; melangsai melayang (terbang) dgn cepat: ~ *ke dlm awan.*

langsam IB, bp lamban, lambat, perlahan-lahan;

melangsamkan menjalankan lambat-lambat, melambatkan.

langsar I panjang lampai, tinggi langkai: *tubuh ~ batang menjelai.*

langsar II; melangsar (tumbuh) panjang menjalar, bergerak memanjang perlahan-lahan.

langsar III Mn bernasib baik, bertuah, beruntung.

langsar sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Lansium domesticum*; *kuning ~* warna (kulit dll) yg putih kekuning-kuningan.

langsi bunyi yg halus nyaring, mendering;

berlangsi, melangsi 1. berbunyi halus nyaring, mendering: *suatu jeritan yg kuat melangsi membelah udara*; **2.** terbang dgn laju dan

berdenging (spt peluru dll): *tali bubut temberang pun berdengung-dengung spt kumbang* ~; □□ **langsing II**.

langsing I lampai (tubuh badan), langkai, ramping: *penari itu berbadan ~ dan berkulit kuning langsat*;

melangsingkan menjadikan (badan, tubuh) langsing: *~ badan*;

kelangsingan perihal (keadaan) langsing: *~ bentuk badannya*;

pelangsingan proses melangsingkan: *makanan yg lebih baik dapat menyebabkan pembakaran lemak dlm proses ~*;

pelangsing ramuan, obat, dll yg boleh melangsingkan badan.

langsing II bunyi nyaring yg mendesing: *dia disergah oleh salakan ~ anjing-anjing dr luar pondok itu*;

melangsingkan menyaringkan (suara);

kelangsingan keadaan langsing: *~ qasidah yg dilagukan oleh Syeikh Qusairy*; □□ **langsi**.

langsir I kain penutup jendela atau pintu, tirai: *kemudian ~ hijau tua yg diselaknya itu dijatuhkan semula*;

berlangsir mempunyai atau dipasang langsir: *pintu yg tidak ~*;

melangsiri memasang langsir di (jendela dll).

langsir II IB; **melangsir 1**. mengatur atau menyambung-nyambungkan gerabak kereta api; **2**. bp berjalan-jalan kian ke mari (hilir mudik).

langsir III IB ark tentera yg menggunakan tombak.

langsir IV Mn kurus, kecil tirus.

langsir V sj tumbuhan (pokok), kasai, kelisar, *Pometia pinnata*.

langsit sj tumbuhan (pokok belukar), gading-gading, nasi-nasi, susun kelapa hutan, tulang-tulang, *Prismatomeris malayana*.

langsuir sj hantu perempuan yg berlubang belakangnya (suka mengganggu orang mengandung dan biasanya mengilai), puntianak.

langsung 1. tidak berhenti-henti (perbuatan dll), tidak berantara, lantas, terus: *aku pun mengambil sebuah majalah Inggris ~ membelinya; dr jauh menjunjung duli, sudah dekat ~ menyembah; 2.* kekal (utk beberapa waktu), selama-lamanya, terus: *aku fikir kalau engkau dan aku benci padanya, tentu dia tak pulang ~; 3.* sedikit pun, sama sekali: *anak bertuah ini, ~ tak boleh menolong orang; kadang-kadang ada bahagian untuknya, kadang-kadang tidak ada ~; 4.* tidak menyimpang atau menyeleweng, tepat, terus: *dlm menghadapi kesulitan ini, secara ~ atau tidak, hendaklah kita memberikan sumbangan dgn tidak mengharapkan pujian dan sanjungan; 5.* tidak tergendala (pekerjaan dll), diteruskan, jadi: *kedua-dua orang muda itu mempunyai harapan supaya pertunangan mereka itu boleh ~; ada orang yg sakit hati kalau perkahwinan itu jadi ~; 6.* terlebih drpd matlamat (tujuan, sasaran, dll): *~ dr sasaran;*

berlangsung 1. berlaku (peperangan, keramaian, dll), diadakan, terjadi: *perjumpaan tersebut ~ di Dewan Bahasa dan Pustaka; 2.* berlaku terus (tidak berhenti): *mesyuarat itu ~ beberapa hari; 3.* bp bersatu (sesudah bernikah);

keberlangsungan perihal terjadinya sesuatu peristiwa: *~ perjalanan peristiwa;*

melangsung, melangsung-langsung tidak tersangkut-sangkut atau terhenti-henti (perjalanan dll), terus-menerus;

melangsungkan 1. melakukan, mengerjakan, mengusahakan: *kedua-dua keluarga sudah semuafakat akan ~ kerja kahwin itu; 2.* meneruskan, memanjangkan (bantahan, rayuan, dll): *kalimat-kalimat itu tidak mempunyai daya utk ~ rasa penyair kpd pembacanya;*

terlangsung 1. telah dikerjakan atau dilaksanakan; 2. terlanjur (kelakuan, perbuatan, dll);

~ *perahu boleh balik*, ~ *cakap tak dapat balik* prb sebelum mengeluarkan sesuatu perkataan hendaklah difikirkan dahulu, kalau sudah terlepas tidak dapat ditarik balik;

kelangsungan perihal berterusan atau berlanjutan, kelanjutan, kesinambungan: *semuanya ini utk menjaga ~ hidup yg harmoni antara kaum di negara ini; genre sastera yg lainnya spt novel dan cerpen yg akar kemahirannya adalah ~ drpd kreativiti pelipur lara;*

perlangsungan perihal berlangsungnya sesuatu perkara.

langu bau atau rasa yg tidak sedap: *tiba-tiba dia berasa mulutnya ~ dan berkehendakkan sesuatu utk dihisap atau dimakan.*

languk; melanguk mencangkuk; □□**cangkuk**.

langut I; melangut 1. memandang ke atas, mencongak, mendongak, menengadah: *jari Ajis menunjuk ke muka akhbar kemudian kepalanya ~;* 2. duduk termenung-menung (membuang masa); 3. memandang orang sedang makan (seolah-olah meminta);

melangutkan mengangkat (muka, kepala seseorang) supaya mendongak, mendongakkan, mencongakkan: ~ *kepala anaknya.*

langut II; melangut berasa rindu (sedih dll).

lanhir IB ark bp tuan tanah.

lanja Jw; **melanja** berkunjung (ke rumah sahabat dll), bertamu ke, bertandang;

lanja-lanjaan berjalan-jalan sesuka hati (ke mana suka).

lanjai = melanjai Mn tinggi lampai, langkai, ramping; *kurus ~* kurus kering (susuk tubuh).

lanjam mata bajak.

lanjang I panjang langkai, kecil panjang.

lanjang II ark telanjang.

lanjar I labuh atau panjang (kerana dihulurkan dll), kurus tinggi;

selanjar bersambung-sambung, berterusan: *balak ~*;

keselantaran perihal selanjar (bersambung-sambung, berterusan):
~ kerja;

melanjar Jk **1.** menjadi atau bertambah panjang (kerana dihulurkan, tumbuh, dll); **2.** menghulurkan (tali dll) panjang-panjang.

lanjar II; lanjaran Jw para-para (tempat tumbuhan spt kacang, mentimun, dll menjalar dan melilit).

lanjar III terus (tidak singgah di mana-mana lagi), lalu, langsung: *kamu nak ~ ke kebunkah?*

berselantaran berterusan: *keadaan ~*.

lanji Jw; *perempuan ~* perempuan jalang, pelacur.

lanjuk □ **lanjur**.

lanjung 1. tinggi atau panjang halus (tebu dll), tinggi kurus, tinggi menirus; **2.** Mn tinggi.

lanjur 1. ark tersorong atau terlangsung ke depan; **2.** terus, tidak berhenti;

melanjurkan melanjutkan atau lewat-lewatkan (masa, perbincangan, dll), memanjangkan;

terlanjur 1. tersorong ke depan: *~ perahu boleh ditarik*; **2.** terlampau, melebihi batas, sudah melakukan (memperkatikan dll) sesuatu: *saya minta maaf atas segala perbuatan saya yg ~ itu; perangaimu memang sudah ~*; **3.** = **terlanjurkan** menyampang, justeru, sementara: *jadi ~ ada peluang bersekolah itu, belajarlah baik-baik*;

terlanjur-lanjur terlangsung atau tersorong jauh (dr batas, ukuran, dll): *kerap mulutnya ~ sahaja menyebut mati*;

telanjuran sl kebetulan, senyampang: *~ tuan datang ke rumah ini, hendaklah anakanda makan nasi sesuap dgn seperti nya;*

keterlanjuran perihal terlanjur: *kian terasalah olehnya salah dirinya atas ~nya itu.*

lanjut I **1.** panjang (cerita, hikayat, dll): *adapun perkataan Singapura berperang dgn Jawa itu terlalu amat ~ perkataannya;* **2.** lama, panjang, tinggi (umur): *ia masih menjadi mahasiswa walaupun umurnya sudah ~;* **3.** mendalam (pengetahuan, penerangan, dll), saksama, teliti: *elok juga saya jelaskan dgn ~ sedikit bkn perkara ini;* **4.** berpanjangan, tidak berhenti-henti, berterusan: *mereka bergurau senda ~ hingga tengah malam;* **5.** panjang (keluhan): *bapa mengeluh ~;* **6.** labuh (pakaian): *dia memakai kain ~ sungguh;* **7.** lebih tinggi (ilmu, pelajaran, dll): *sekolah yg ~;* **8.** Kd lambat (gerakan) perjalanan dll: *perempuan itu berjalan ~ sungguh;*
~ akal panjang akal (cerdik); ~ fikiran cerdas; ~ usia panjang umur;

selanjutnya **1.** berikutnya, seterusnya: *mereka memikirkan kemungkinan yg akan dihadapi hari esok dan hari ~;* **2.** selepas itu, sesudah itu: *~ Datuk Mufti telah menerangkan segala rukun haji;*

berlanjut-lanjut tidak berhenti-henti, berpanjang-panjang, bersambung-sambung, terus-menerus: *suara itu kemudiannya memanjang dan ~ dan makin melemah pula;*

berlanjutan berpanjangan, berterusan, berkekalan: *peperangan itu ~ hingga berpuluh-puluh tahun lamanya;*

melanjut tidak putus-putus, tidak terhenti-henti (tetap), terus: *aku telah merantau sejak masa Jepun ~ ke masa orang putih;*

melanjutkan 1. menjadikan panjang atau berterusan, menyambung: *kadang-kadang ia ~ tidurnya hingga fajar menyingsing; ~ perundingan;* 2. menambah lagi (pelajaran, pekerjaan, dll), meneruskan: *Hindun bersungguh-sungguh benar hendak ~ pelajarannya lagi; semua yg hadir diminta datang ke gedung kesenian utk ~ perkenalan;*

terlanjut terlebih (ukuran, perbuatan, dll), terlanjur;

lanjutan sambungan (pelajaran, perbuatan, dll), tambahan (pd sesuatu sebelumnya): *sekolah menengah ~;*

kelanjutan ekoran atau perkembangan (drpd perkara yg berlaku sebelumnya), sambungan, kelangsungan, kesinambungan: *~ drpd pertengkaran itu, Bidin dan Bujal tidak bertegur sapa selama dua hari; bagi membiakkan keturunan dan mengekalkan ~ generasi manusia;*

perlanjutan perihal berterusan (berpanjangan); *~ jenis* Id pembiakan jenis (tumbuh-tumbuhan);

pelanjutan perihal atau perbuatan melanjutkan.

lanjut II sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Mangifera lagenifera*.

Lanoh penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Negrito, yg tinggal di kawasan pedalaman daerah Hulu Perak.

lanolin lemak yg diperoleh drpd bulu biri-biri yg boleh dijadikan bahan ubat kulit dan kosmetik.

lanset (lansét) (Ubat) sj pisau pembedahan yg mempunyai dua tepian tajam dan hujung yg menirus.

lansi □ **langsi**.

lansing kayu brek kereta lembu (digantung di belakang rodanya).

lans koperal 1. (pangkat) pegawai tidak bertauliah yg paling rendah (dlm tentera); 2. pangkat yg setingkat lebih tinggi tarafnya drpd konstabel polis.

lantai 1. dasar rumah (yg dibuat drpd papan dll); **2.** geladak perahu; ~ *bilah* = ~ *pelupuh* dasar (rumah dll) yg dibuat drpd belahan buluh; ~ *selisih* lantai sesebuah rumah yg sebahagiannya kira-kira setengah tingkat di atas atau di bawah aras lantai yg bersebelahan; *besi* ~ kepingan besi yg pipih lebar;

datar bak ~ *papan*, *licin bak dinding cermin* prb sesuatu hukuman yg adil atau fikiran (pertimbangan) yg baik; *mencari* ~ *terjungkit* prb suka mencari kesalahan orang bawahan supaya dapat disengsarakan; *menjungkit-jungkit* *bagai bilah* ~ prb hal kelakuan yg mengada-ngada akan sesuatu yg baru diperoleh (spt kekayaan, kebesaran, dll);

berlantaikan menggunakan sbg lantai: *bangunan lama itu beratapkan rumbia*, ~ *dan berdindingkan papan*;

melantai 1. membuat (memasang) lantai; **2.** rata (tanah dll) spt lantai, pamah, tidak tinggi rendah; *sudah patah baru hendak* ~ prb sesudah mendapat kesusahan baru hendak beringat-ingat.

lantak 1. pukul (supaya masuk, padat, dll), pantak; *emas* ~ emas yg berbatang-batang; *senapang* ~ senapang yg ubat bedilnya diisi dr mulut; **2.** membuat sesuatu dgn sesuka hati: *biar* ~ *dia berbuat begitu*;

melantak 1. memukul kuat-kuat, menghentam, memantak: *dilantak kepalanya ke dinding*; **2.** bk melakukan sesuatu dgn sesuka hati (cepat-cepat, gelojoh, sungguh-sungguh dsb), menggasak: *di belakang kami, mereka itu ~ sate dan semua makanan yg terhidang*;

melantakkan memasukkan sesuatu dgn dipukul (dipantak dll), memantakkan;

lantakan; *emas* ~ emas lantak; *senapang* ~ senapang lantak;

pelantak besi penghentak peluru senapang (meriam dll), tukul, antan pelocok (bomba dll).

lantam I bunyi (suara dll) yg kuat;

melantamkan 1. bersuara dgn kuat atau keras; **2.** ki menjalankan diayah (propaganda dll).

lantam II bongkak, congkak, sombong;

melantamkan berasa sombong (megah, bangga, dll);

kelantaman perihal lantam.

lantam Mn ark; **melantan** menjaga, memelihara; ~ *anak* terlalu sangat memanjakan anak; ~ *badan* menjaga badan baik-baik; ~ *kain* memakai kain yg kasar utk menjaga kain yg bagus-bagus.

lantang 1. = **melantang** kuat dan jelas didengar (suara dll), jelas kedengaran: *suaranya ~ bertengkar dgn orang di sebelah rumah; suaranya melantang di dlm seluruh ruang masjid*; **2.** terang dan nyata (pemandangan), luas dan jelas;

melantangkan menguatkan (suara dsb) supaya lantang: ~ *suaranya supaya jelas didengar*;

kelantangan perihal lantang: *kerana ~ cakap setengah-setengah tokoh politik, perhubungan antara kaum telah tidak menyenangkan*.

lantanida (Kim) unsur nadir bumi yg bernombor atom di antara 58 hingga 71.

lantanium (Kim) sj unsur logam.

lantar I; **melantarkan 1.** menimbulkan (sesuatu perkara), menyebabkan; **2.** menyampaikan (permohonan, permintaan, dll), mengusulkan, mengemukakan;

lantaran 1. hal yg menjadi sebab sesuatu perkara; **2.** kerana, sebab: ~ *cantiknya, orang segan mengambilnya menjadi babu*; ~ *itu kerana itu*;

pelantaran; *dgn ~ dgn perantaraan atau pertolongan;*

pelantar orang yg menyampaikan atau mengemukakan (permohonan, permintaan, dll), pengantara.

lantar II; terlantar 1. terletak di: *berbulan-bulan lamanya dia ~ di rumah sakit;* **2.** dlm keadaan yg tidak dijaga atau dipelihara, terabai, terbiar: *anak yg dikasihinya itu begitu ~ dan terbiar di tengah-tengah masyarakat;*

menterlantarkan membiarkan terabai atau tidak terpelihara, tidak mempedulikan: *dia takut utk bernikah dgn Leman, takut dia akan diterlantarkan sebagaimana perempuan-perempuan lain.*

lantar III □ □ pelantar I.

lantas 1. tidak berantara, langsung, terus: *dgn malas aku bangkit dan ~ ke dapur;* **2.** langsung masuk (terus), sampai ke: *~ dlm kenangannya itu bagaimana kegembiraannya pd hari dia berkahwin;* *~ akal termakan (diterima) akal;* **3.** terus, tembus (ke belakang dll); **4.** kuasa, sanggup (mengerjakan sesuatu): *~kah abang meneruskan perniagaan itu jika kita tambah modalnya?*

melantas tidak singgah atau berhenti di mana-mana, langsung;

melantasi terus ke belakang, menembus, menobros: *sinaran itu tidak ~ cermin, ia hanya dipesongkan oleh pembalikan;* *bor itu sudah ~ ke balik kayu itu;*

melantaskan menyampaikan, mengemukakan (sesuatu hal dll), meneruskan; *~ angan (maksud)* a) hidup merantau; b) melakukan kehendak hati; *~ dendam* melepaskan dendam;

terlantas terus masuk, tembus langsung;

berkelantasan ark terus-menerus (tidak berantaraan).

lantik I; melantik mengangkat dgn rasmi (menteri, orang besar-besar, dll), mengangkat seseorang utk memegang sesuatu jawatan:

kerajaan telah didesak supaya ~ seorang drpd kaum itu menjadi anggota kabinet;

pelantikan, lantikan perihal (tindakan) melantik: *mereka gembira atas ~ Tun Perak menyandang jawatan Bendahara; Majlis Raja-Raja mestilah ditanya terlebih dahulu sebelum lantikan dibuat;*

pelantik orang yg melantik.

lantik II Mn lentik.

lantin ark sj lampu, lentera.

lanting I Mn; **melanting** melempar, membaling, membuang (kayu, batu, dll) kpd sesuatu benda; *~ menuju tampuk, berkata menuju benar* prb setiap usaha itu ada maksudnya;

melantingkan melemparkan, membalingkan: *rokoknya dilantingkan ke pinggir jalan;*

terlanting, terpelanting 1. terbuang, terlantar; **2.** ki sudah tidak berguna lagi.

lanting II lonjak, lompat;

berlanting, melanting melonjak-lonjak, bergerak-gerak turun naik: *malang ~ buluh pecah;*

melanting-lanting *bagai cacing kepanasan* prb tidak senang ataupun selalu gelisah (kerana susah, malu, dll); *setinggi-tinggi melanting jatuhnya ke tanah juga* prb walau ke mana juga seseorang pergi kelak kembali juga ke negeri sendiri.

lanting III Jw; **melanting** membimbit atau menjinjing.

lanting IV □ **lantin**.

lanting V Br sj jeti terapung.

lantuh Br **1.** hanyir; **2.** rasa spt rasa ikan mentah.

lantul □ **pantul**.

lantun; melantun 1. membuang balik, memantul, menganjal: *tudung pen itu ~ di atas meja*; **2.** ki terkena semula (pd seseorang): *soalan ini ~ balik kpd kamu sendiri*;

melantunkan menyebabkan menganjal atau mengambil, mengambulkan;

lantunan gerakan melantun.

lantung I bunyi yg kuat (spt bunyi letupan dll);

lantung-lantung, lantung-lantang bunyi (bising) yg tidak menentu: *lantung-lantang bunyi tukang kayu bekerja*;

melantung berbunyi dgn kuat, membuat bising.

lantung II bau busuk yg keras: *luka itu ~ baunya*; *busuk* ~ bau yg busuk sekali;

melantung mengeluarkan bau busuk, berbau busuk.

lantung III Mn; berlantung bersentuhan, bertemu, terlalu rapat;

melantung menyentuh, mengenai (dgn tangan dll), memukul; ~ *orang* memukul orang;

terlantung tersentuh, terhantuk, terlanggar: *alu ~ patah tiga*.

lantur; melantur menyimpang jauh-jauh (fikiran dll), terpesong drpd matlamat: *saya mahu menyela sebelum perbincangan ~ ke mana-mana*;

melanturkan menyimpangkan, memesongkan, menyesatkan (fikiran, ingatan, dll).

lanun perompak laut, bajak laut;

melanun merompak spt lanun (di laut);

pelanunan perbuatan atau kegiatan melanun: ~ *di perairan itu semakin menjadi-jadi*.

lanus ark; **melanus** dapat dilihat (benda yg dibungkus atau dibalut).

lanyah berlumpur, becak, lecah;

melanyah menjadikan becak, melecahkan.

lanyak; melanyak 1. memijak-mijak (tanah dll) hingga hancur atau bergaul betul: *tanah itu dilanyak-lanyak dahulu sebelum dimasak menjadi bata*; **2.** ki tidak mengendahkan, memandang sepi (seolah-olah menghina); **3.** Mn memukul dgn kuat.

lanyard (Marin) tali yg diikat wisel dsb padanya dan digantung di leher.

lanyau lumpur (yg nampaknya keras tetapi terbenam kalau dipijak), lanau; *umpama ~ di air, sebarang tertadung menjadikan daki prb melakukan perbuatan yg jahat tentu akan menerima balasannya*; **melanyau** bermain lumpur di: *kali ini mereka bermain becak pula, dilanyaunya halaman itu.*

laos Jw lengkuas; ~ jambek = ~ mekah sj tumbuhan (herba), *Canna edulis.*

lap = *kain* ~ kain utk menyapu; *kertas* ~ kertas utk mengeringkan dakwat;

mengelap menyapu atau mengeringkan dgn kain lap dll, menyeka: *dia berdiri seketika, kemudian ~ dahinya; tidak mengapa tumpah sedikit saya boleh lap*;

mengelapkan menggunakan sesuatu utk mengelap: *dia ~ tuala pd tumpahan itu*;

pengelapan perbuatan (kerja) mengelap;

pengelap sesuatu (kain dll) yg digunakan utk mengelap.

lapah I; melapah 1. mengupas kulit dan memotong-motong binatang (kerbau, lembu, dll) yg telah disembelih: *Pak Pandir pun tampillah ~ kerbau itu dgn Mak Andeh*; **2.** memotong (memakan) daging besar-besar: *darahnya sama dicecah, dagingnya sama dilapah; hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah prb pembahagian yg sama banyak (yg adil)*;

pelapah sesuatu (spt pisau dsb) yg digunakan utk melapah daging dsb.

lapah II kotak rokok (dibuat drpd logam), celepa, selepa.

lapak I Mn; **berlapak** bersulam benang emas atau perak, bersongket.

lapak II Sr botak bahagian tengah atau bahagian belakang kepala:

umurnya masih muda tetapi kepalanya sudah ~ kerana terlalu banyak berfikir dan menghadapi masalah.

lapan delapan; ~ *belas* sepuluh ditambah lapan (18); ~ *puluh* hasil darab lapan dan sepuluh (80); ~ *ratus* hasil darab lapan dan seratus (800);

berlapan dlm kumpulan lapan orang dsb, lapan bersama: *mereka ~ dipilih utk menyertai rombongan itu;*

berlapan-lapan dlm satu kumpulan lapan orang dsb (bkn banyak atau beberapa kumpulan): *berbaris ~;*

kelapan yg nombor lapan (menurut urutan, giliran, dsb), kedelapan: *gilirannya yg ~;*

kelapan-lapan lapan-lapan sekali, kesemuanya lapan: ~ *orang anaknya pulang ke kampung pd hari raya itu;*

perlapan bahagian drpd sesuatu yg dibahagi lapan; *satu ~ = se~ satu bahagian drpd benda yg dibahagi lapan.*

lapang I 1. tidak sempit, lega, luas (kawasan dll): *jangan bermain di*

sini, pergi ke tempat ~; **2.** terluang (waktu dll), tidak sibuk,

senggang: *apabila ada masa ~, kita akan berbincang lagi;* **3.**

kawasan (yg luas), tapak (tempat) mendirikan atau mengadakan sesuatu: *tanah itu dicadangkan utk ~ sekolah;*

~ dada = ~ hati a) berasa senang dan lega; b) sabar; ~ *fikiran* tidak

diganggu, tenang; ~ *kira-kira* senang hati, lega; ~ *pengetahuan*

luas pengetahuan; ~ *perut* selalu hendak makan;

berlapang, berlapang-lapang tidak terhalang, bebas, leluasa: ~ *hati* sabar;

duduk seorang bersempit-sempit duduk bersama berlapang-lapang prb perundingan menghasilkan fikiran yg lebih bernas drpd fikiran kita seorang;

melapangi **1.** memberi tempat dll yg lapang, melonggari: *penonton mesti ~ sedikit agar orang yg pengsan itu dapat bernafas*; **2.** ki memberi pertolongan (bantuan);

melapangkan **1.** menjadikan lapang, melebarkan, meluaskan: *orang ramai ~ jalan kerana putera mahkota hendak lalu; ~ dada = ~ hati menenangkan hati dan fikiran: Allah ~ dada sesiapa yg dikehendaki utk menerima Islam*; **2.** meluangkan (masa dll), menyengangkan: *saya tidak dapat ~ waktu kerana banyak urusan*;

memperlapang menjadikan lebih lapang;

lapangan **1.** kawasan atau tempat yg luas, gelanggang, medan, padang; *~ bola padang tempat bermain bola; ~ terbang tempat kapal terbang turun naik*; **2.** bidang (pengetahuan, kegiatan, pekerjaan, dll), jurusan, lingkungan: *mata pelajaran ini meliputi ~ kejuruteraan yg amat luas*;

kelapangan **1.** perihal lapang (tanah, padang, dll), keluasan, kesenangan: *dia semata-mata minta ~ pd tempat yg sempit*; **2.** keluangan waktu, masa yg terluang (tidak sibuk): *tiap kali ada masa ~, dia akan menemui Nahidah; minggu depan tuan ada ~?* **3.** kelegaian (fikiran, kedudukan, dll), kemudahan: *masyarakat selama-lamanya mencari ~ dan kebebasan*;

pelapang; *~ dada* orang yg sabar.

lapang **II** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar jambul merak, daun-daup, dedaup, *Bauhinia comifolia*.

lapar berasa hendak makan (kerana perut kosong): *biar Si Ali makan dgn emaknya, kita tidak ~ lagi; ~ dahaga* perut kosong dan haus;

~ *mata* Kl hendak memiliki (mempunyai dll) dgn berlebih-lebihan;
~ *pedal* Kl lapar perut; *orang* ~ *diberi nasi*, *orang haus* *diberi air*
prb memperoleh sesuatu yg diinginkan;

berlapar menanggung lapar, berasa lapar: *seseorang ibu itu sanggup* ~ *kerana kasihkan anaknya*;

melaparkan **1.** sengaja menjadikan lapar, membiarkan perut kosong: *binatang itu telah dilaparkan beberapa hari*; **2.** ki mahu kpd, bernafsu kpd: *banyak buaya yg laparkan bangkai*;

kelaparan **1.** dlm keadaan lapar, menanggung lapar: *ia menangis mengongoi spt kanak-kanak ~ susu*; **2.** tidak cukup makanan, kekurangan makanan: *jutaan manusia mati kerana ~ di beberapa buah negara*.

lapari □ □ **lampari**.

lapat-lapat Jk sayup-sayup (kedengaran atau kelihatan), tidak jelas.

lapel (lapél) (ERT) kelepet di bahagian dada kot atau jaket yg bersambung dgn kolarnya.

lapih Mn; **berlapih** beranyam, bersirat;

melapih menyirat, mendandan, menjalin: *dilapih kelembai kusut-masai*.

lapik **I** **1.** alas (tikar, cadar, tiang, dll): ~ *duduk*; **2.** lapis baju sebelah dalam (utk menebalkan supaya tahan), sampul pd kulit buku dll: *baju dan lengan, tali pinggang dan ~, biasanya dipotong memanjang kain; harganya ada tertulis pd ~ kulit buku tersebut*; ~ *duduk* tikar dll tempat duduk; ~ *kaki* selipar (terompah dll); ~ *meja* kain, plastik dsb yg digunakan utk menutup permukaan meja; ~ *perut* sarapan yg dimakan supaya tidak berasa terlalu lapar; ~ *tiang* (batu dll) pengalas tiang;

menggantikan ~ prb mengahwini janda saudaranya; *se~seketiduran sebantol sekalang hulu* prb terlalu karib; *sudah bergulung* ~ *sahaja* prb hal orang yg terlalu miskin;

berlapik mempunyai atau memakai lapik: *saya tertidur di atas lantai yg ~ tikar mengkuang*;

berlapikkan beralaskan: *dua buah kerusi yg ~ baldi*;

melapik; ~ *perut* makan pagi-pagi supaya tidak terlalu lapar, menyarap;

melapiki memberi lapik kpd, memasang lapik: *matanya merenungi petak-petak tikar mengkuang yg ~ punggungnya*;

melapikkan menggunakan sesuatu sbg lapik;

pelapik sesuatu yg dijadikan lapik, pengalas.

lapik II; *lopak*-~; □□**lopak IV**.

lapir Mn ark berjalin rapat-rapat.

lapis I 1. = **lapisan** susunan yg bertingkat-tingkat atau bertindih-tindih dgn satu di atas atau di sebelah yg lain (bkn bumi, dinding, dll),

petala: *di bawah kulit binatang terletak se~ lemak yg memanaskan badannya; maka mereka pun masuklah ke dlm kota yg tujuh ~ itu*;

2. barisan□atau deretan (yg bersaf-saf): *tentera itu berbanjar beberapa ~*; **3.** kepingan atau barang nipis yg dilekapkan pd

barang yg lain: ~ *bahu baju*; ~ *emas* barang yg disadur dgn emas;

berlapis menggunakan lapis, memakai lapis: *di pinggang perak ~, di dada bintang menabur*;

berlapis-lapis terletak berderet-deret atau bertindih-tindih dgn yg lain, bersusun (satu di atas atau di sebelah yg lain): *maka orang mengepung pun terlalu banyak rupa senjata ~*;

berlapiskan menggunakan sesuatu sbg lapis;

melapis bersusun-susun (satu di sebelah atau di atas yg lain);

melapisi memberi lapis kpd: *dia berjalan di atas lantai yg dilapisi permaidani;*

melapiskan meletakkan berlapis, memberi berlapis: *lipat tepi lapik ke dalam kemudian lapiskan dua;*

lapisan 1. susunan yg bertingkat-tingkat, lapis: *biasanya ~ tanah di bawah permukaan sawah itu menjadi keras utk menahan air drpd meresap; 2.* ki tingkatan dlm masyarakat, golongan: *kekuatan orang Islam dr segenap ~ dapat digunakan utk menentang musuh;*

pelapisan perihal (proses atau perbuatan) melapisi atau melapiskan: *~ aluminium pd poliester yg disalut dgn kertas;*

pelapis 1. yg menjadi golongan atau tingkatan yg berikutan atau yg akan meneruskan atau mengambil alih sesuatu tugas dll: *kelab ini juga bertujuan mewujudkan golongan ~ dlm barisan pemimpin badan penulis di negeri ini; pasukan ~; pemimpin ~; 2.* sesuatu (bahan) yg melapisi: *berbagai-bagai bahan boleh digunakan sbg ~ bahan pelindung yg telap air.*

lapis II 1. tersayat atau dicarik halus-halus (daging dll); **2.** = *kuih ~ = ~ legit* sj kuih yg dibuat drpd tepung beras atau tepung gandum dan santan dikukus lapis demi lapis.

lapis lazuli (Geo) sj batu permata yg berwarna biru terang.

lapoi Pl sj jerat (perangkap).

lapor memberitahu kpd, mengadu;

melaporkan membuat pengaduan, mengadukan, memberitahukan: *seorang nelayan ~ bahawa baginda membuat rancangan sulit hendak merampas kerajaan mentua baginda;*

laporan sesuatu yg dilaporkan, maklumat tentang sesuatu kedudukan (masalah yg dihadapi dll) yg dilaporkan: *empat orang pakar dlm hal ini telah pun membuat ~; ~ tahunan* laporan yg dikemukakan atau dibentangkan setahun sekali dan yg lazimnya

melaporkan (menerangkan dsb) hal-hal penting yg berlaku dsb sepanjang tahun yg berkenaan;

pelaporan perihal (tindakan) melaporkan (mengadukan, memberitahukan);

pelapor orang yg melaporkan.

lapuk I 1. bercendawan kerana buruk atau terlalu lama (kayu dll), reput:

koyak penjuru kain itu bukan kerana telah lama atau ~, tetapi kerana tersangkut; 2. ki terlalu lama atau tua, tidak berguna lagi, usang;

tidak ~ dek hujan, tidak lekang dek panas kekal dan tidak dipinda-pinda (adat dll); ~ oleh kain sehelai prb sejak mulanya beristeri atau bersuami hanya seorang sahaja; ~-~ diganti, usang-usang dibarui = usang dibarui, ~ dikajangi prb adat atau kebiasaan lama yg jarang dipakai dihidupkan kembali;

berlapuk bercendawan (kerana buruk, terdedah, tua, dll), tumbuh cendawan: *barang yg lekas ~ hendaklah dijemur selalu;*

melapukkan menyebabkan jadi lapuk, mereputkan;

kelapukan perihal lapuk.

lapuk II Mn; berlapuk-lapuk (bunyi orang) bertepuk tangan;

melapuk menampar, menepuk.

lapun 1. sj jerat atau perangkap kijang (burung dll); *~ duduk* jerat yg bingkas apabila pesawatnya disentuh; *~ tarik* jerat yg ditarik; **2.** jaring utk menangkap ikan, sauk-sauk;

melapun menangkap ikan (burung dll) dgn lapun.

lapur; berlapur bergerak-gerak spt ayam berlaga, menggelupur;

melapur menyerang dgn sayap dan kaki (ayam berlaga dll); *dilapur ayam betina* prb dikalahkan oleh perempuan.

lara 1. sl sakit (susah) hati, sakit percintaan, pilu sedih: *ketika sedang melayang fikirannya yg ~ itu, tiba-tiba Mawi datang meluru;*

sudahlah susah menanggung ~, air mata gugur ke riba; pelipur ~
penghibur hati yg duka atau sedih (orang dan juga hikayat); **2.**
sakit; ~ *wirang* Jw sakit hati dan malu;

berlara-lara bersedih-sedih, berdukacita: *ia sedar bahawa*
dirinya tidaklah seorang di dlm bilik itu utk ~ berterusan sahaja;

melara melarat atau merana (kerana sedih dll): *kebanyakannya*
orang miskin dan ~ tetapi bukan sedikit orang yg kaya-raya dan
bersenang-lenang;

terlara-lara ark senantiasa bersedih-sedih, menangis dgn amat
sangat.

larah I; berlarah-larahan sl bertukar ganti (lepas seorang, seorang),
berturut-turut: *mereka minum beramai-ramai, bersulang-sulangan*
dan ~;

melarah mengambil giliran (utk menari dll); *dilarah menari*
diajak menari.

larah II; berlarah-larah bergalur-galur atau bergaris-garis (batang kayu
dll).

larai Br layar pd perahu, kapal, dll.

larak I ark tidak berdaging (buah durian), dengkel.

larak II 1. sj tumbuhan (pokok), taban, *Baccaurea griffithii*; **2.** sj
tumbuhan (pokok), pisang-pisang, pokok sebaru, *Popowia*
nervosk; ~ *api* a) sj tumbuhan (pokok renek), jari ayam, kenanga
hutan (paya), *Desmos dasymaschala*; b) = ~ *salai* sj tumbuhan
(pokok renek), pisang-pisang, akar sugi, *Desmos cochinchinensis*;
~ *kucing* sj tumbuhan (pokok memanjat), lengkian, *Oxymitra*
latifolia; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), *Polyalthia cauliflora*;
akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar pisang-pisang, akar
salah hutan, akar sengolok, *Fissistigma fulgens*; ~ *tahi kucing* akar

pisang-pisang jantan, *Uvaria purpurea*; daun ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), daun ekor bukit kampung, *Uvaria micrantha*.

laram bergaya, lagak, segar;

melaram berhias diri dgn memakai pakaian yg cantik dsb (utk menunjuk-nunjuk);

pelaram orang yg suka melaram.

laran sj tumbuhan (pokok) dlm famili Rubiaceae, kelempayan, limpoh (Sabah), entiponi (Sarawak), *Anthocephalus chinensi*.

larang I; melarang menahan drpd melakukan sesuatu, tidak membenarkan (mengizinkan), menegah: *bagaimanakah sesuatu undang-undang yg ~ penggunaan tenaga kanak-kanak dapat dijalankan?*

melarangkan menjadikan terlarang: *Seri Rama ~ pekerjaan itu kepada kekandanya;*

terlarang tidak boleh dikerjakan, tidak dibenarkan, tertegah: *perbuatan ~ di sisi agama hendaklah dijauhkan;*

larangan 1. sesuatu yg dilarang atau terlarang: *bagindalah yg meletakkan kekuningan ~; seluruh kawasan hutan di keliling kampung itu adalah kawasan ~ belaka; 2.* perintah melarang (sesuatu perbuatan), tegahan: *~ keluar rumah itu berlaku mulai hari Khamis ini;*

berlarangan mempunyai larangan, ada larangannya, terlarang: *~ saya menyebut namanya;*

pelarangan sesuatu yg dilarang, larangan.

larang II Mn jarang, tidak selalu.

larap I laku (barang jualan), laris.

larap II; melarapkan menghulurkan (tali dll).

larap III Kd terlalu sangat, teruk (penyakit), melampau (perbuatan, kelakuan, dll).

laras I **1.** nada (muzik, nyanyian, dll), tala; ~ *bahasa* variasi bahasa berdasarkan penggunaannya (mis sbg bahasa klasik, bahasa istana, bahasa sains, dll), ragam bahasa; **2.** = **keselarasan, kelarasan**;
selaras sama haluan, secocok, sepadan, sesuai: *tawanan perang mestilah dijaga ~ dgn kandungan Perjanjian Geneva*;
menyelaraskan memadankan, mencocokkan, menyamakan, menyesuaikan: *pd masa ini, beberapa percubaan dilakukan utk ~ demokrasi dan sosialisme*;
keselarasan, kelarasan perihal sama (sesuai, setimbal, dll), kepadanan, kesamaan, kesesuaian: ~ *idea antara pereka tarian dan pereka pakaian perlu wujud*; *kelarasan antara kata dan hal yg diceritakan terdapat pd syair itu*;
ketidakselarasan keadaan tidak selaras;
penyelarasan perihal (tindakan, kerja) menyelaraskan, penyesuaian: ~ *kerja*;
penyelaras orang yg kerjanya (ditugaskan utk) menyelaraskan sesuatu (spt rancangan, projek, dsb), koordinator;
melaraskan **1.** menyamakan (nada, tala, dll); **2.** menyesuaikan, memadankan: *salah satu drpd tugas buah pinggang ialah ~ kepekatan atau banyaknya garam dlm darah*;
terlaras sudah dilaraskan: *sistem pengiraan cukai yg ~*;
pelarasan perihal melaraskan, penyamaan, penyesuaian; ~ *nilai penyesuaian harga sesuatu benda*;
pelaras **1.** alat utk melaraskan (memadankan, menyesuaikan): *skru ~*; *suis ~*; **2.** (Eko) orang yg menaksir, menyelaraskan dan menentukan tahap liabiliti sesebuah syarikat insurans terhadap sesuatu kerosakan (kerugian) apabila tuntutan diterima.

laras II **1.** bulat lurus atau bulat panjang: *buluh yg ~*; **2.** bahagian senjata api spt pistol, senapang dan meriam, yg berbentuk spt paip

(pembuluh) tempat laluan keluar peluru apabila senjata api itu ditembak: *di belakangnya tersandang sepucuk senapang ~ dua*; **3.** penjodoh bilangan (bagi senapang), pucuk: *kami membawa tiga ~ senapang patah*.

laras III Mn 1. daerah di Minangkabau (pd zaman Belanda); *tuanku ~ pegawai daerah*; **2.** cara pemerintahan yg mengikut adat: *~ Bodi Chaniaga* cara pemerintahan yg berdasarkan demokrasi; *~ Kota Piliang* cara pemerintahan yg berdasarkan aristokrasi.

laras IV; *terang-terang ~ tidak berapa terang, samar-samar*.

laras V Mn ark jatuh dgn sendirinya (daun), luruh, gugur; *~ di muncung* seseorang yg lepas cakap;

melarasi habis luruh (daun); **raras**.

laras suhu alat yg menetapkan suhu (dlm bilik dll) secara automatik, termostat.

larat I 1. dibawa arus, pergi jauh-jauh, hanyut: *ada untung digantung sauh, kalau tidak ~lah kami; sauhnya ~ sauhnya hanyut* (tidak dapat berkuat); **2.** dlm berbagai-bagai erti bermaksud bertambah sangat (berdukacita, mengembara, dll): *makin lama makin ~ , makin dilupakan makin teringat; hati hiba membawa ~; ~ fikiran* a) terlalu amat sedih; b) tersesar (fikiran); *~ hati sedih hati, lara*;

berlarat, berlarat-larat, melarat 1. bertambah jauh (hanyut, pergi, dll), berpanjang-panjang, berkait-kait (perbualan, cerita, dll), berlarut-larut, menjadi-jadi, merebak: *mereka bercakap berlarat-larat dr perkara tembakau sampai ke perkara politik; saya harap peperangan ini tidak melarat, mudah-mudahan lekas padam dan berhenti*; **2.** tidak menentu (kedudukan dll), tidak terjaga: *hidup mereka sangat melarat, pengangguran menjadi-jadi; melarat panjang* selalu dlm kesusahan;

memperlarat menjadikan lebih panjang (lama, rumit, dll);

kemelaratan perihal (keadaan) melarat: ~ *hidup; salah satu kecaman Allah ialah manusia yg tidak membantu ~.*

larat II terdaya, mampu (utk melakukan sesuatu pekerjaan); *tak ~ tidak terdaya, tidak mampu: tak ~ hendak luluskan tali kerana sakit tangan;*

terlarat berupaya, terdaya: *takkan ~ engkau hendak jadi pencuci kain.*

larat III; *akar ~ sj tumbuhan (pokok renek yg memanjat), Melodorum spp.*

larau; melarau menjadi terganggu (oleh kanak-kanak nakal dll).

lare (laré) Pr gerak mula (dlm pekerjaan dll), permulaan bekerja.

largo (Muz) muzik yg dimainkan dgn tempo yg sangat perlahan.

lari 1. = **berlari** bergerak dgn pantas sekali (lebih cepat drpd berjalan):

*mereka pun terkejut lalu ~ tunggang-langgang; lumba ~ 100 meter; 2. menyelamatkan atau melepaskan diri (drpd bahaya, tahanan, dll): kesemua pencuri itu telah dapat ~ drpd serbuan polis; maka tuan Puteri Bongsu pun hendak ~lah, malu akan tuanku Malim Deman; 3. meninggalkan (sesuatu tempat, pekerjaan, dll) tanpa kebenaran, (dan biasanya pergi ke mana-mana supaya tidak dapat dikesani): kedua-dua orang pemuda yg ~ masuk hutan itu akan dihukum; 4. bebas (terlepas, tersisih, dsb) drpd sesuatu atau drpd terpaksa melakukan sesuatu: ini ialah pembicaraan formalistik yg tidak ~ drpd konsepnya; kita tidak dapat ~ drpd membandingkan kedua-dua bahasa kerana dua sebab; 5. bp perginya, arah, hala, haluan: ke mana ~nya wang tadi? 6. kecepatan, kelajuan: kuat sungguh ~nya kereta itu; 7. Jk panjang (sesuatu bidang); ~ *celebu* Kl, Tr lari dgn pantas; ~ *pecut* larian pd jarak dekat dgn kadar yg terpantas;*

selari 1. sama hala atau arah (garisan, banjaran, dll), sejajar: *garisan lintang itu ialah bulatan-bulatan yg ~ dgn khatulistiwa; garisan ~ garisan sejajar (tidak akan bertemu walaupun ia dipanjangkan); 2. = selarian* seimbang dgn, sesuai dgn: *terdirinya sekolah menengah itu adalah ~ dgn cita-cita kerajaan hendak menjadikan bahasa kebangsaan sbg bahasa pengantar di sekolah; sengaja kupakai berjalan bersama-sama dgn engkau ini supaya selarian dan sesuai dgn darjatmu; 3.* tidak putus-putus, terus-menerus: *ulasan ~;*

berselari dlm keadaan yg selari: *ketiga-tiga banjaran itu kira-kira ~ antara satu dgn lain;*

menyelarikan menjadikan sesuatu selari (sejajar): *persediaan tersebut hendaklah diselarikan dgn program pembangunan;*

keselarian keadaan selari: *~ sinar itu;*

perselarian persamaan: *imej-imej dlm kedua-dua satira tersebut ada ~nya;*

berlari bergerak dgn pantas sekali (lebih cepat drpd berjalan): *jangan ~ nanti jatuh; ~ (-lari) anak berlari perlahan-lahan; ~ (-lari) anjing* a) berlari dgn langkah pendek; b) sekejap berlari sekejap berjalan; *guru kencing berdiri murid kencing ~ prb murid mencontohi kelakuan gurunya terutama kelakuan yg tidak baik;*

berlarian, berlari-larian, berkelarian ark **1.** berlari atau berkejar tidak tentu hala: *maka gemparlah orang ~ ke sana sini; 2.* dlm keadaan berlari-lari: *semua dayang dan inang pengasuh datang ~ meniarap serta menangis di kakinya; kedua-dua anaknya berlari-larian datang mendapatkan dia; 3.* berlari, berjalan cepat-cepat: *berjalan pun berlari-larian sahaja kerana hari hampir petang;*

melarikan 1. membawa lari: *dua orang perompak telah ~ wang tunai dr sebuah kedai minyak; 2.* memandu atau membawa laju-

laju (kendaraan dll), menyebabkan berlari (spt kuda dll): *dia ~ skuternya ke pejabat*; **3.** = ~ diri melepaskan diri drpd (bahaya, tahanan, dll), menghilangkan diri: *beberapa orang telah ~ diri ke hutan mencari perlindungan; ketika patah perang pd minggu yg lalu, ia telah ~ diri*; **4.** mengalihkan (pandangan dll): *Zaini telah ~ mukanya ke arah lain*;

memperlarikan 1. melarikan (memandu kereta dll) dgn laju; **2.** lari melalui;

terlari-lari berlari-lari kerana: ~ *ketakutan*;

larian 1. perlumbaan (kuda dll); **2.** perbuatan (pergerakan) lari: ~ *mereka terhenti, di hujung jambatan itu sudah didatangi api*; ~ *kuda* tempat perlumbaan (kuda dll); **3.** jalan kecil sebelah dalam kubu (kota dll);

pelarian 1. perihal berlari dgn cepat: *matanya liar memerhatikan sekeliling spt mata pencuri dlm ~*; **2.** = orang ~ orang yg melarikan diri, pengungsi;

sepelarian sejauh (yg terdaya) berlari; ~ *kuda* sejauh kuda berlari;

pelari orang yg berlari (dlm sukan dll), orang yg melarikan diri;

~ *pecut* orang yg berlumba lari pd jarak dekat dgn kadar yg terpantas; *binatang* ~ binatang yg kuat berlari.

larih; berlarih-larihan saling memberi minuman, tuang-menuang minuman;

melarih menuang minuman ke dlm gelas: *maka duli tuanku sbg ~ kepadanya ... dan Temenggung dan segala orang besar-besar melawan minum dgn dia*;

melarihi memberi minum kpd (dlm jamuan dll).

larik I; melarik 1. menjadi licin dan bulat (dgn bindu), membindu, mencanai: *catur gading baru dilarik*; **2.** mengorek atau melubangi, mengukir;

larikan hasil drpd melarik;

pelarikan perbuatan atau hal melarik;

pelarik alat utk melarik (bindu), alat utk membentuk belanga (labu air dll drpd tanah liat).

larik II Jw ark baris, deret;

berlarik, berlarik-larik berbaris-baris, berderet-deret, bergaris-garis, bergalur-galur: *gajah putih yg gadingnya ~ emas suasa dan tembaga;*

melarik menyusun berbaris-baris atau berderet-deret.

lari-lari; *rumpu* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Spinifex squarrosus*.

laringitis (Ubat) radang pd larinks.

laringologi cabang perubatan yg berkaitan dgn larinks dan penyakit-penyakitnya.

laringoskop (Ubat) alat utk memeriksa larinks.

laringotomi (Ubat) insisi pd larinks secara pembedahan, biasanya dilakukan utk membuat salur udara ke paru-paru bagi melancarkan pernafasan.

larinks (Bio) organ berongga, berotot dan berawan yg merupakan salur udara ke paru-paru dan mengandungi peti suara pd manusia dan mamalia lain.

laris laku sekali (barang jualan), sangat suka dibeli orang (bkn barang jualan), larap, payu: *kedai itu tidak berapa ~ jualannya;*

melariskan menyebabkan jadi laris: *pembongkaran kisah rumah tangga Ahmad barangkali boleh ~ penjualan surat khabar itu;*

kelarisan perihal laris, lakunya: *misalnya, setiap akhbar yg diterbitkan dlm negeri ini saling mengumumkan ~ akhbar masing-masing;*

pelaris 1. = *ilmu (hikmat) ~ jampi (penawar dll) yg boleh menjadikan jualan dsb laris; 2.* barang yg dijual lebih murah utk melakukan barang yg lain.

lar-lar berkilau-kilau atau memancar-mancar (cahaya).

laron Jw kelekatu: *spt ~ mengerumuni lampu.*

larseni (Udg) perbuatan mencuri barang milik perseorangan.

laru Jw benda (spt ragi dll) yg dibubuh ke dlm nira dll.

larung keranda, long, peti mayat.

larut I 1. dibawa arus, makin bertambah (jarak, masa, dll), larat: *ayahku telah bertambah ~ sakitnya, ibuku dr tadi menangis sahaja; 2.* telah jauh (waktu dll), telah berlanjutan: *saya berasa sejuk, barangkali hari sudah ~ malam;*

berlarut-larut berpanjang-panjang (perbualan dll), melarat-larat: *selepas itu perbahasan terus ~ hingga jauh malam;*

berlarutan berlanjutan (perbualan, sesuatu keadaan, dll), berpanjangan: *pemogokan tujuh puluh lima orang pekerja tersebut ~ sehingga beberapa bulan;*

melarut-larutkan menjadikan sesuatu hal berlarut-larut, memanjang-manjangkan: *perkara itu dijadikan sbg satu isu utk ~ perdebatan;*

kelarutan perihal larut (waktu dll), kelewatan: *~ malam merangkak mengikut mestinya.*

larut II 1. menjadi cair (bkn gula dlm air dll), hancur: *sebahagian besar drpd makanan yg dimakannya itu tidak ~ dlm air; 2.* ki luput: *akan hilang namanya dan nama keluarganya, semuanya ~ dlm nama suaminya;*

berlarut; *~ hati (fikiran) ki bersedih dgn amat sangat (perasaan hati yg hancur luluh);*

melarut menjadi hancur atau cair dlm air dll: *garam ~ dlm air;*

melarutkan menghancurkan (spt gula dgn air dll), menjadikan cair: *kadang-kadang benda-benda spt gula atau garam dll dapat dilarutkan dgn jalan memanaskannya; air yg ~ garam itu kemudiannya dipanaskan;*

terlarut telah atau dapat larut: *nutrien yg ~ mengalir ke permukaan tanah dan dibawa ke tempat lain; kawasan ini mengandung garam ~;*

keterlarutan perihal (keadaan atau sifat) boleh larut: *~ karbon monoksida di dlm air adalah sangat sedikit;*

larutan 1. benda yg sudah dicairkan, cairan; **2.** (Kim) campuran sekata satu atau lebih bahan dlm pelarut: *masukkan buli-buli jangka suhu itu ke dlm ~ garam yg sedang mendidih; ~ akueus* larutan yg pelarutnya air;

kelarutan perihal larut atau melarut: *~ sesuatu benda itu makin bertambah apabila suhunya ditinggikan lagi;*

pelarutan proses melarutkan;

pelarut benda (biasanya cairan spt air dll) yg boleh melarutkan benda-benda yg lain.

larut III sj tumbuhan, ararut, sagu belanda, *Maranta arundinacea*.

larva serangga dlm peringkat pertama perkembangannya selepas menetas, anak serangga.

larvisid (Kim) bahan kimia yg digunakan utk membunuh larva.

las I; *batu* ~ batu pengasah atau penggosok pisau (keris dll); *kertas* ~ kertas empelas, kertas pasir; *roda* ~ pengasah atau penggosok (drpd batu dll) yg berpusing.

las II IB sambungan (pd besi dll) dgn jalan membakarnya;

mengelas menyambung (besi dll) dgn dibakar.

lasa 1. tidak dapat merasa (kerana lumpuh, kaku, dsb): *sudah tepok dan ~ ini maka digagahi juga oleh Sultan Mahmud Shah dijadikan Bendahara*; **2.** Mn bengkak (balur) pd tapak kaki.

lasagne (lezaniye) makanan Itali yg dibuat drpd pasta nipis dan dibubuhi daging, tomato, sayur-sayuran, keju dan sos.

lasah I; melasahkan = ~ *badan* bekerja berteruk-teruk;
memperlasah menyuruh bekerja berat (teruk).

lasah II; melasah memukul; **belasah**.

lasah III Mn; **pelasah** pakaian yg selalu dipakai, pakaian yg sudah lusuh atau luntur.

lasak I selalu dipakai (pakaian dll): *jam ini juga boleh dipakai ~; tahan ~ boleh dipakai lama (pakaian dll), tidak mudah koyak (luntur, lusuh, dll)*;

pelasak; pakaian ~ pakaian yg selalu digunakan.

lasak II selalu bergerak, tidak mahu diam (kanak-kanak dll), selalu berpindah, tidak menentu tempat (pekerjaan dll): *Johan berumur lapan tahun dan telah menjadi budak tanggung yg sedang ~;*

melasak membuat lasak, selalu merayau-rayau: *budak-budak ini bukanlah ~ spt mencuri ataupun merosakkan harta benda orang;*

kelasakan perihal lasak.

lasak III Kl biasa atau lali (kerana selalu membuat dll).

lasam I ark; *batik* ~ sj kain batik dr Lasam: *laksana batik* ~ prb sesuatu yg makin lama makin baik.

lasam II usang (warna pakaian dll).

lasana; pokok ~ sj tumbuhan (pokok renek), bunga siam, *Acacia farnesiana*.

lasar Kl luas (kawasan), lapang, lebar.

lasat Mn teruk (sakit), berat, tenat.

laser alat utk menerbitkan dan memperkuat gelombang-gelombang cahaya menjadi pancaran cahaya yg amat kuat dan tertumpu pd satu hala; *cahaya* ~ pancaran cahaya sehalal yg amat kuat tenaganya dan diterbitkan dgn menggunakan sejenis alat.

lasi Mn tidak berani (lagi), jera, serik, takut;

melasi, melasikan membuat orang takut, menakutkan, menggertak, menjerakan;

lasian ketakutan;

pelasi penakut.

lasik, lasit Mn □ **lesit II**.

laso tali yg bergelung pd salah satu hujungnya utk menangkap kuda, unta, dsb (digunakan terutama di Amerika).

lastik 1. IB dapat memanjang (kalau ditarik) dan mengecut kembali (getah dll); **2.** IB getah; **3.** perkakas (drpd getah) utk melantingkan batu dll, jepretan, tarbil;

melastik melantingkan batu dll ke arah sasaran dgn menggunakan lastik, menjepret, menarbil: ~ *burung*.

lasu Kd terlalu masak (buah-buahan), hampir layu (sayur-sayuran).

lasuh Mn mudah (menangkap pelajaran dll), lancar.

lasuk Br sj bakul yg dibuat drpd rotan (biasanya berbentuk bulat).

lasykar sl **1.** askar, serdadu: *baginda mempunyai beratus-ratus hulubalang dan ~*; **2.** = ~ *rakyat* askar yg terdiri drpd rakyat biasa;

kelasykaran perihal lasykar.

lat I antara, selang: *ia tinggal ~ tiga buah rumah dr rumah saya*;

berlat berantara, berselang: *demam ~*.

lat II bp lambat, lewat: *aku tidak mampir dulu, kerana sudah ~*;

selat-latnya selambat-lambatnya, selewat-lewatnya.

lat III bilah buluh (pd kasau).

lat IV kenduri.

lata I; melata menjalar atau merayap (binatang atau tumbuh-tumbuhan spt ular, kacang, labu, dll).

lata II = *air* ~ = *air melata* riam atau jeram yg tegak, air terjun (yg rendah).

lata III taraf yg terkebawah, daif, hina: *baru di pasar patik yg ~ Wira dan Semar datanglah serta; jelata.*

lata IV □ **latah I.**

latah I 1. sj penyakit saraf yg menyebabkan seseorang itu (biasanya perempuan) tidak sedar apa yg dilakukannya, suka mengikut perbuatan atau suruhan orang dgn tidak disedari, mengeluarkan perkataan atau membuat sesuatu dgn tidak disengajakan kerana terperanjat dll: *kanak-kanak lain menghampiri Tok Tam utk mengusiknya supaya membuat ~ lagi; 2.* berlaku spt orang gila (kerana percintaan dll), meracau: *~lah spt orang gila tiada khabarkan dirinya; ~ latih* suka berleter; *~ mulut* berkata yg bukan-bukan (spt mencarut dll); *~ wilangan* (orang yg) mabuk bercinta atau khayal dlm percintaan;

melatah mengeluarkan perkataan atau membuat sesuatu dgn tidak sengaja kerana terperanjat dsb;

melatahkan mengusik seseorang (perempuan) supaya melatah: *hanyalah tuan hamba latahkan;*

kelatahan perihal latah;

pelatah orang yg latah.

latah II sampah (daun dll) yg di bawah tumbuh-tumbuhan (di hutan dll).

latah III Pl tidak berkaki utk berjalan.

latak tahi minyak (cat dll), hampas.

latam; melatam 1. menghentak-hentak supaya padat; *~ jalan dgn kereta penggelek* mengeraskan dan meratakan jalan; **2.** Ph menyuruh pijak-pijak oleh kerbau supaya gembur (tanah sawah);

melatamkan 1. memadatkan (tanah dll); 2. Ph menyuruh kerbau memijak-mijak tanah sawah supaya gembur.

latang □ **jelatang**.

latar 1. Jw bidang, permukaan; 2. Jw datar, rata; 3. tanah atau dasar (warna kain dll); 4. Jw halaman rumah; 5. latar belakang;

berlatar mempunyai latar, bertanah, berdasar: *kain batik itu ~ warna hitam*;

berlatarkan mempunyai sesuatu sbg latar: *Samarendah yg mempunyai motif ruang lebar yg melintang dan ~ warna gelap*;

melatari menjadi latar kpd;

pelataran 1. halaman rumah; 2. tanah atau dasar kain; 3. pelantar pd rumah (stesen kereta api dll).

latar belakang 1. pemandangan dll yg menjadi hiasan bagi sesuatu yg utama (dlm gambar dsb); 2. dasar atau asas kpd sesuatu perkara (hal, kejadian, peristiwa, dsb); 3. pengalaman (pendidikan, alam sekitar, dll) seseorang, biasanya yg ada hubungannya atau pengaruhnya ke atas keadaan dirinya pd sesuatu masa;

berlatarbelakangkan mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg latar belakang: *setelah siap, letakkan gubahan ini di sudut ruang tamu ~ dinding atau sebagainya; novel yg ~ desa Gunung Bayu ini dipersembahkan secara lintasan kembali terhadap hidup lampau seorang ketua kampung*.

latas Mn; **melatas** memotong (rumput dll).

latat ark; **melatat**; *~-melotot* membukakan mata luas-luas, membelalakkan mata.

lateks (latéks) cecair yg keluar dr pokok getah, susu getah.

laten (latén) IB terpendam (penyakit dll), tersembunyi, tersorok.

lateral (Bio) berkaitan dgn, ke arah, di atau dr sisi: *kecederaan di bahagian ~ saraf; sirip ~*.

laterit tanah liat merah yg terbentuk drpd pereputan batu dan terdiri drpd besi oksida dan aluminium hidroksida.

latif, latifah Ar halus, seni, lembut (perangai dll), sedap (makanan): *makanan yg ~~~ makanan yg lezat-lezat.*

latih; ~ *tubi* latihan (ajaran, tunjuk ajar, dsb) yg diulang-ulangi (utk menjadikan orang yg diajar atau dibimbing itu benar-benar mahir);

berlatih = ~ *diri* memahirkan diri: *ia sedang ~ menjadi nakhoda;*

melatih 1. membiasakan, memahirkan: *kita boleh ~ lidah kita supaya fasih dgn selalu membaca kuat-kuat dgn bunyi yg betul; 2.*

mengajar atau mendidik supaya mahir (pandai): mereka yg dipilih akan dilatih berbaris oleh seorang tentera; ~ tubi memberikan latihan (ajaran dsb) yg diulang-ulangi, mengulang-ulangi sesuatu dlm proses atau usaha mengajar;

terlatih telah dilatih, terdidik: *guru-guru yg ~;*

latihan pelajaran atau didikan utk memahirkan (membiasakan), ajaran yg diterima: *doktor telah menerima ~ yg cukup utk menjalankan kerjanya;*

~ *amali* latihan dgn mengerjakan (mengamalkan) sendiri (sains dll); ~ *asas* latihan permulaan; ~ *badan* pelajaran gerak badan (olah raga dll); ~ *ilmiah* latihan bertulis utk mendapat ijazah (sarjana dll);

pelatihan perihal (perbuatan, proses, usaha dsb) melatih: ~ *para belia dlm bidang teknikal perlu difikirkan secara serius;*

pelatih 1. orang yg melatih (mendidik, mengajar) supaya mahir; ~ *bola sepak; 2.* orang yg sedang menerima latihan; *doktor ~ doktor yg masih menjalani latihan praktikal (di hospital).*

Latin Rumawi; *bahasa* ~ bahasa Rumawi; *huruf* ~ huruf Rumi.

lating; melating menganjal, mengambul, bingkas (jerat dll); □ **leting II.**

latis; melatis menebas (semak samun), merintis (jalan dlm hutan dll);

latisan denai atau jalan dlm hutan, rintisan.

latitud (Geog) garis pd peta yg selari dgn khatulistiwa, garisan lintang.

latlau tidak selalu, kadang-kadang, berlat-lat: *dia datang ~*.

latong Jw *minyak* ~ minyak tanah.

latu I bunga api; □ **lelatu I**.

latu II Kd **1.** menggunakan sesuatu habis-habisan, spt memakai kasut yg sama terlalu kerap sehingga haus, lanyak; **2.** menggunakan khidmat dll seseorang berlebih-lebihan (tanpa belas kasihan).

latuh sj lumut laut yg boleh dimakan: *ada yg mengambil ~ dipincuknya, ada yg mengambil agar-agar dikerabunya.*

latuk; *parang* ~ sj parang yg bengkok hujungnya.

latur lecur, lepuh;

melatur melecur atau melepuh (spt kulit kena api dll).

lau I Ar ark jika; □ **walau**.

lau II Kd reban ayam.

lau III; *bunga* ~ sj tumbuhan (anggerik), *Phalaenopsis amabilis*; *daun* ~ sj tumbuhan (herba yg menjalar), *Haemaria discolor*.

lau IV Kd; *bakul* ~ sj bakul utk mengisi padi.

lauh I sj ikan laut, *Polynemus heptadactylus (sextarius)*.

lauh II Ar sj papan dll yg bertulis (spt papan batu, papan hitam, dll).

lauk 1. daging atau ikan (lwn sayur) yg dimakan dgn nasi, pemakan nasi drpd daging atau ikan: *sedap benar ~ hari itu; ~-pauk* bermacam-macam lauk; **2.** Br ikan hidup; *enak ~ dikunyah-kunyah, enak kata diperkatakan* prb nasihat yg baik perlu diulang-ulang menyebutnya; *lagi ~ lagi nasi* prb makin kaya makin banyak sahabat; *memberi ~ kpd orang membantai* prb menolong orang yg tidak perlu ditolong; *mencencang ~ tengah alat* prb menceritakan cacat cela sendiri pd banyak orang;

sebusuk-busuk ~ kalau dibasuh enak juga prb sebesar-besar perselisihan dapat diperdamaikan;

berlauk ada lauk utk dimakan dgn nasi: *tersangatlah susah hati Mak Andeh, teristimewa pula makan pun tiada ~ oleh ia pun di dlm pantang lagi;*

berlaukkan menggunakan sbg lauk: *kami makan tadi ~ ikan sepat siam.*

laun lambat, lamban, lengah, perlahan; *~~ hari beberapa hari yg lalu, beberapa lamanya;*

berlaun membuat sesuatu dgn lambat (lengah, perlahan-lahan): *kerja jangan ~ leka;*

melaun-laun melengah-lengahkan, melambat-lambatkan.

laung suara yg kuat (utk memanggil atau menyeru), suara yg nyaring;

berlaung = ~ kata sl berucap dgn suara nyaring, berseru;

melaung berteriak (memanggil, menyeru) dgn suara yg kuat: *sambil memegang tangan adiknya Ramli cuba ~ dgn sekuat-kuatnya;*

melaungkan 1. meneriakkan, memanggilkan: *ketika itu Wan Dah ~ supaya jangan dikejar perahu yg lari itu; 2. = melaung-laungkan* menganjurkan (mengucapkan dsb) sehingga atau dgn cara diketahui umum, menyerukan: *beliaulah yg selalu ~ penggunaan tong sampah;*

laungan panggilan, teriakan: *~nya itu didengar orang;*

pelaung 1. = gong ~ sl gong utk menghimpunkan (mengerahkan, memanggil) orang; **2.** = alat ~ alat utk membesarkan suara;

sepelaung, sepelaungan sejauh yg boleh didengar teriakan orang, jarak yg agak dekat.

laur Mn **1.** lentuk, lentur; **2.** penjodoh bilangan utk benda yg melengkung (cincin, gelung, dll); *gelang se~ seurat gelang;*

melaur melentur, melengkung.

laut I 1. air masin yg menggenangi sebahagian besar drpd muka bumi, lwn darat: *L~ Merah; L~ China* dll; *biru air ~*; **2.** kumpulan sesuatu benda yg amat banyak: *~ api; ~ madu*; **3.** utara; *barat ~* arah di antara barat dgn utara; *timur ~* arah di antara timur dgn utara; **4.** Ph, ki jauh ke tengah (sungai, tasik, dll);

~ api a) kebakaran yg besar; b) kumpulan api yg besar; *~ janggawari* laut yg besar; *~ kalzum* sl Laut Merah; *~ lepas (berdebu, jelebu, jerebu, serebu, rembang)* laut yg terbentang luas; *~ budi tepian akal* prb orang yg cerdik dan pandai; *~ ditembak darat kena* prb beroleh sesuatu yg tidak dihayatkan; *~ ditimba akan kering* prb harta walau banyak sekalipun akan habis juga jika selalu dibelanjakan; *~ mana yg tak berombak, bumi mana yg tak ditimpa hujan* prb manusia mana yg tiada membuat kesilapan (segala pekerjaan ada kesulitannya); *tak ada ~ yg tidak berombak* prb tidak ada pekerjaan besar yg tidak ada bahayanya;

melaut 1. spt laut, luas spt laut: *kawasan hutan simpan yg ~ luasnya*; **2.** turun ke laut (utk belayar dll); *sudah ~ mendarat* sudah pergi ke mana-mana; *tak sungguh seluang ~ akhirnya balik ke tepi juga* prb tidak betah merantau akhirnya balik ke kampung juga;

melauti pergi belayar di laut, melayari;

melautkan ki membesar-besarkan, menghebah-hebahkan; *setitik dilautkan sekepal dibuktikan* prb membesar-besarkan perkara yg kecil;

memperlaut melayarkan kapal (perahu dll), mengirim barang-barang dgn kapal;

lautan 1. laut yg besar (luas): *tidurlah jangan ingatkan orang yg jauh di seberang ~*; *L~ Teduh* laut di antara Amerika dgn Asia dan

Australia, Lautan Pasifik; **2.** kumpulan sesuatu yg sangat banyak:
~ *api*; ~ *air mata*; ~ *padi* kawasan padi yg luas;

kelautan yg berkaitan dgn laut: *iklim* ~;

pelaut orang yg selalu turun ke laut (kelasi dll), pelayar;

kepelautan kemahiran dlm kerja-kerja mengemudikan atau mengendalikan kapal, bot dsb.

laut II; *lalang hantu* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Myriostachya wightiana*.

lava lahar.

lavender (lavénder) sj tumbuhan drpd genus *Lavandula* yg bunganya berwarna ungu muda dan berbau harum.

lawa I cantik (orang, perhiasan, dll), bergaya, indah, menarik hati, segak:

bentuk mukanya lebih ~ drpd kedua-dua kawannya;

melawa memakai atau berhias (supaya kelihatan lawa), melagak, meraga: *tiap-tiap hari selepas bekerja dia ~*;

melawakan menjadikan lawa (dgn memakai atau berhias):
Hasnah bermekap dan memakai pakaian yg cantik-cantik utk ~ dirinya.

lawa II ark galang atau palang (pd perahu dll);

melawa ark menggalang atau merintang pengantin laki-laki ketika hendak ke rumah pengantin perempuan (hingga dibayar wang adat);

pelawa penggalang, perintang.

lawa III Sr sombong.

lawah terbuka atau luas (pemandangan), jelas, lantang.

lawah-lawah Jk labah-labah.

lawai Jw benang.

lawak I jenaka, kelakar: *ahli-ahli ~ yg terkenal akan mengambil bahagian dlm pertunjukan itu*;

lawak-lawak perbuatan yg menggelikan hati (lucu); ~ *main bunga tahi* prb olok-olok biasanya membawa kpd perselisihan;

berlawak, berlawak-lawak, melawak, melawak-lawak melakukan atau membuat sesuatu yg menggelikan hati (melucukan), berjenaka, berolok-olok;

pelawak 1. orang yg suka membuat kelakar (lawak dsb); 2. tukang lawak; 3. Kl orang yg pembohong (tidak bercakap betul).

lawak II Mn; **lawak-lawak** tempat makanan kuda (burung dll), palung; *tinggi* ~ suka hidup berlebih-lebihan.

lawak III; *temu* ~ sj tumbuhan (rizom), *Curcuma longa*.

lawan 1. pasangan yg tepat, jodoh: *ulam ~nya sambal*; ~ *menari* pasangan menari; 2. imbangan, tandingan: *kecantikan gadis itu tidak ada ~nya di kampung kami*; 3. musuh (dlm peperangan, permainan, sukan, dll), tentangan: *tuan telah berjaya mengalahkan ~ tuan*; 4. tentangan (spt laki-laki dgn perempuan), kebalikannya: *kecil ~nya besar*; *gelap ~nya terang*; 5. = **melawan**: *jikalau dapat, kami ~*; *jikalau tidak dapat, kami berlepas diri*; ~ *asas* Id bertentangan dgn yg lazim (pendapat dll); ~ *hukum* a) melawan hak; b) Id melanggar hukum; ~ *politik* tentangan dlm politik;

berlawan 1. mempunyai lawan (tandingan dll): *hulubalang terlalu perkasa tiada ~ di dlm negeri*; 2. bersalahan (pd hukum, undang-undang, dll), bertentangan dgn: *perbuatan yg ~ dgn undang-undang*; 3. bertanding (dlm permainan dll), beradu: *Baba Melaka telah ~ pantun dgn orang dr Kedah*; ~ *senjata*;

berlawanan 1. bertentangan, tidak sehaluan atau sama: *pendapatnya ~ dgn apa yg dipercayai oleh ibunya*; 2. berlumba (utk mencapai matlamat yg sama), bersaing (dlm perniagaan dll): *kumpulan Ghee Hin ialah puak yg ~ dgn kumpulan Hai San*;

3. berlainan sekali, bertentangan (arah, sifat, tujuan, dll): *kerana perangai kami yg ~ inilah agaknya rapat benar persahabatan kami;*

berlawankan sl menentang utk, berlawan kerana: *kurang ia ~ Duli Yang Dipertuan lebih ia ~ anak isterinya bersungguh-sungguh;*

melawan 1. menentang (musuh, lawan, dll), menyangkal: *yg hamba harap hanya ia juga akan ~ segala seteru hamba; tidak baik ~ kedua-dua ibu bapa; ~ kuman penyakit; 2.* melayan (berbual dll), membuat kawan (bercakap dll): *orang-orang yg dilawannya berbicara itu terdiri drpd orang-orang yg tidak berapa biasa dengannya; 3.* menandingi (dlm perniagaan, perjalanan, dll), menyaingi (utk menyamai atau melebihi yg lain), beradu dgn;

melawani sl menentang akan, melawan akan, memusuhi: *surat ini hendak pun tidak dilawani, takut mudarat ke atas nyawa;*

memperlawankan 1. membuat supaya berkelahi (bermusuh, berlaga, dll), memperlagakan, mengadu; **2.** menjadikan bertentangan (berlawanan dll);

kelawanan ark kebolehan (kecekapan, kesanggupan) utk melawan atau berlawan;

perlawanan 1. perihal melawan (menentang musuh dll), tentangan: *Rommel kembali ke Jerman utk memimpin ~ terhadap pendaratan pasukan-pasukan pihak Berikat; pemerintahan Belanda di Indonesia menyerah kpd tentera Jepun dgn tidak mengadakan ~ yg tegas; 2.* pertandingan (sukan dll), peraduan: *pasukan hoki tersebut akan mengadakan ~ persahabatan di Melaka; 3.* perihal berlawanan (spt siang dgn malam dll), pertentangan (makna dll): *~ kata;*

pelawan (orang yg) suka melawan atau menentang, orang dll yg dijadikan lawan, penentang, pembantah, penyangkal: *diperoleh ayam akan ~ ayam Raja Chulan itu; anak ~ anak derhaka.*

lawang I Jw pintu; ~ *seketeng* pintu gerbang.

lawang II 1. sj tumbuhan (pokok), *Cinamomum spp.*; **2.** = *bunga* ~ = *kembang* ~ sj rempah yg keras dan menyerupai kelopak bunga.

lawang III sj ikan darat, *Pangasius micronemus*.

lawar I □ **lawa I.**

lawar II daging atau ikan yg disiat (dihiris) halus-halus;

melawar menyiat (menghiris) daging atau ikan halus-halus.

lawar III; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok), medang api (kelawar, kelici, pipit), *Elaeocarpus parvifolius*.

lawas I luas (kawasan, pemandangan, dll), lapang, terbuka;

melawas luas (kawasan, pemandangan);

kelawasan keluasan atau kelegaan (hidup dll), kemudahan.

lawas II lancar pembuangan air besar atau kecil: *sakit kencing tak ~;*

melawaskan menjadikan lega atau lawas (perut): ~ *buang air besar dgn Brooklax;*

pelawas (Bio) makanan yg kaya dgn bahan yg tidak dapat tercerna (terutamanya selulosa).

lawas III; **melawas** berkurangan (hasil buah-buahan dll), menjadi kurang.

lawas IV Jw ark lama.

lawat; melawat 1. pergi mengunjungi (negara asing dll): ~ *ke Jepun*; **2.** menziarahi jenazah;

melawati datang melihat, mengunjungi, menziarahi (jenazah, orang sakit): ~ *orang mati; maka terdengarlah kpd orang kuala bunyi bedil spt bertih, maka segera dilawatinya;*

lawat-melawati saling melawat antara satu sama lain, kunjung-mengunjungi;

lawatan perihal melawat (mengunjungi, menziarahi, dll), kunjungan: *mereka berbual panjang tentang ~ ke Batikan; ~ sambil belajar* lawatan ke sesuatu tempat (institusi, firma dsb) utk meninjau (mengetahui atau mempelajari) serba sedikit fungsi, aktiviti atau perjalanan institusi, firma dsb itu;

pelawat orang yg melawat, pengunjung: ~~~ Zoo Negara.

lawe (lawé) Jw benang tenun.

lawean (lawéan) Jw ark sj hantu yg tidak berkepala.

lawi = **lawi-lawi** bulu ekor ayam (burung) yg panjang dan melengkung; ~ *ayam* a) sj pisau yg melengkung, kerambit; b) sj ikan laut, *Coilia spp.*

lawon Jw kain putih.

lawrensium (lawrénsium) (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

layah I; melayah meliuk ke kiri ke kanan, ke hadapan atau ke belakang (spt kayu ditiup angin, orang menari dsb);

terlayah terlentok atau terliuk.

layah II (kain) tudung muka, berguk;

melayahkan menutupkan kain (pd muka, kepala).

layah III; melayah = **melayah-layah** terbang rendah-rendah, terbang labuh: *tiba-tiba ibu burung melayah-layah di atas kepala Mat.*

layah IV Mn leper (piring dll).

layak I 1. padan, patut, sesuai: *makanan spt itu hanya ~ utk anjing sahaja; maka barang siapa datang pd baginda, masing-masing pd ~nya diberikan oleh baginda; menurut punca-punca yg ~ dipercayai; 2.* mempunyai kebolehan (sifat, kemampuan, dsb) yg tertentu atau yg sewajarnya (utk sesuatu), memenuhi syarat-syarat

yg ditentukan (utk sesuatu); **3.** laku, rupa: *engkau hinakan aku spt mengusir seekor anjing yg berkurap ~nya;*

selayaknya sepatutnya, pantas: *~lah Pak Sudin dilantik menjadi Ketua Kampung pula;*

melayakkan menjadikan layak, memadankan, menyesuaikan: *hanya diri dan kaum kita sahaja yg mesti insaf sendiri dan ~ diri supaya boleh mencapai kemerdekaan yg halal;*

kelayakan kebolehan, kecekapan, kesanggupan: *tiap-tiap bahagian perkhidmatan itu berkehendakkan ~ atau kelulusan yg khas;*

berkelayakan mempunyai kelayakan, berkebolehan, cekap: *seorang pegawai yg ~ dihantar utk memeriksa hal ehwal kewangan.*

layak II; *ikan* ~ ikan yg dibelah dr belakangnya dan dikeringkan;

melayak membelah ikan utk dikeringkan.

layak III; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat yg berteras), akar pisang-pisang jantan, *Uvaria purpurea*.

layak IV Kd tong membanting padi.

layam; **berlayam,** **melayam** sl melela-lelakan pedang dll, menghayunkan pedang dll: *maka Tun Bija Sura pun menyanyi pedikir, perisainya bergenta, maka ia pun ~lah di hadapan Betara Majapahit.*

layan; ~ diri pelayanan diri sendiri oleh pembeli kerana penjual atau syarikat perniagaan tidak memberikan khidmat melayan para pembeli;

melayan, melayani **1.** menyempurnakan keperluan orang lain (pembeli, tetamu, dll), meladeni: *seorang gadis Cina senantiasa ~ pelanggan-pelanggan di situ;* **2.** mempedulikan (suami, teman, dll), mengendahkan, menerima baik (terhadap orang lain): *Edah*

membentak kerana malas hendak ~ suaminya; 3. menentang (musuh dll): kakang kehilangan saudara sekarang, namanya itu Panji Semirang, lama dicari bukan kepalang, sebilang negeri dilayan perang; 4. mengikut kehendak (hati, fikiran, dll): sejurus ia bermenung ~ fikiran yg berkacau itu; 5. menggunakan sesuatu alat kerja dgn cermat dan betul;

melayankan **1.** menyediakan sesuatu utk orang lain (spt hidangan makanan dll), menghidangkan, menyajikan; **2.** menurutkan kemahuan (sendiri atau orang lain): *ia telah cuba memujuk supaya Wan Intan mahu ~ kehendak hatinya;*

layanan perihal melayan(i), ladean: *permohonan mereka telah tidak mendapat ~ drpd pihak yg tertentu; pembelaan dan ~ kakak ini tidak spt yg sepatutnya;*

pelayanan perihal atau perbuatan melayan;

pelayan **1.** orang yg kerjanya melayan, orang suruhan, pembantu; **2.** (Komp) peranti atau program komputer yg membekalkan data dan maklumat kpd komputer lain yg mempunyai hubungan rangkaian dengannya;

~ besar ketua orang suruhan; *~ dapur* orang yg bertugas di dapur (spt memasak dll); *~ pejabat* budak suruhan (membantu kerja) di pejabat.

layang **I** terbang; *baju (kain) ~ sl baju (kain) yg membolehkan orang terbang; surat ~ surat yg tidak dibubuh nama pengirimnya, surat terbang;*

selayang sambil lalu (pandangan, perhatian, dll), selintas, sepintas: *~ pandang (lalu);*

layang-layang **1.** = **layangan** Jk sj rangka drpd kayu dan dibaluti dgn kertas yg boleh diterbangkan ke udara dgn tali, wau; **2.**

bahagian rumah antara bumbung dgn dinding yg berbentuk segi tiga;

~ *putus talinya* prb sudah putus harapan (bergantung pd nasib); *ke mana hendak pergi ~ itu, talinya di tangan kita* prb orang yg lemah itu tidak akan lepas drpd hukuman orang yg berkuasa (orang yg berhutang itu tidak akan lari kalau jaminan ada pd kita); *macam memegang tali ~* prb perihal orang yg berkuasa ke atas orang lain;

berlayangan berterbangan (spt bulu ditiup angin);

melayang, berlayang ark **1.** terbang dgn tidak mengipas-ngipaskan sayap, terkatung-katung di udara (kertas atau daun ditiup angin, kapal terbang, dll): *beberapa kali kapal terbang kipas empat ~ rendah di atas hutan tempat kami bersembunyi*; **2.** tidak tenggelam dan tidak timbul (dlm air); **3.** ki hilang (nyawa dll), lenyap, tidak tenang (fikiran): ~ *fikiran*; ~ *nyawa (jiwa)* mati;

melayangkan **1.** membuat supaya terbang atau melayang, menerbangkan: *yg bulat digolekkan, yg pipih dilayangkan*; **2.** mengarahkan (pandangan dll), menghalakan, mengirimkan (surat dll): *sesudah bersalam-salaman, Rosli ~ matanya ke kiri dan ke kanan*; ~ *surat* mengirimkan surat;

terlayang, terlayang-layang **1.** dlm keadaan melayang-(layang), berterbangan: *tiap-tiap biji spora itu akan terlayang-layang di udara sehingga ia jatuh di suatu tempat lalu bercambah*; **2.** = *mata(nya)* ~ tertidur, terlena: *sudah berkokok ayam tanda hari akan siang, barulah matanya terlayang-layang hendak tidur*;

pelayangan ark baju (kain) layang.

layang **II** sj tumbuhan (pokok), dering, medang buaya (kelarah, mantu, miang), *Cryptocarya griffithiana*.

layang III; pelayangan 1. perihal menyeberang (dgn perahu tambang), penyeberangan; **2.** perahu tambang, penambangan.

layang IV; melayang menghiris nipis-nipis (buah mangga dll); *pipi* *bagai pauh dilayang* ki pipi yg penuh (gebu).

layang-layang I sj burung; ~ *berjambul*, *Hemiprocne coronata*; ~ *besar ekor jarum*, *Hirundapus giganteus*; ~ *gua tongkeng*, *Hirundo daurica*; ~ *kecil*, *Rhaphidura leucopygiasis*; ~ *rengkung putih*, *Hirundapus caudacutus*; ~ *rumah*, *Apus affinis*.

layang-layang II; ikan ~ sj ikan yg boleh melayang.

layap I hampir mencecah tanah atau air (burung terbang dll), rendah;

berlayapan, berlayap-layapan 1. berterbangan rendah (burung dll); **2.** berayunan (pokok ditiup angin dll), berliuk-liuk;

melayap terbang rendah (burung dll), melayang rendah-rendah;

melayapi terbang rendah di (ke), melayang rendah di (ke);

melayapkan, melayap-layapkan menyebabkan terbang atau bergerak-gerak (spt angin meniup pohon).

layap II; melayap-layap, melayap Jk terlayang-layang (tidur), belum lelap betul, tidur-tidur ayam.

layar 1. kain penampung angin (utk menjalankan perahu, kapal): *setelah itu sauh dibongkar*, ~ *pun ditarik*, *belayarlah geliung panjang itu*; *kapal* ~ kapal yg menggunakan layar; **2.** tirai, penutup jendela, dll, langsir; **3.** = ~ *perak (putih)* kain tempat menayangkan wayang gambar (wayang kulit dll): *bintang-bintang lawak di ~ perak cuma berada di bibir mulut peminat-peminat filem selagi mereka berlakon*; **4.** = *kain* ~ sj kain tebal (utk dibuat layar); ~ *agung* layar yg terbesar (pd kapal); ~ *apit* layar pendua (bagi layar agung); ~ *batang* layar yg dipasang pd kayu yg menghubungkan tiang dgn hujung layar itu; ~ *bubutan (temberang)* layar dekat layar agung (utk membelok); ~ *bulu ayam*

layar pengimbang (pd tali penyokong tiang); ~ *cucur* layar segi tiga (yg dipasang pd tiang yg terdepan), jib; ~ *dastur* (*pinggir*) layar kecil sbg pembantu layar yg besar; ~ *gap* (*gusi*) layar yg dipasang pd canggah yg dilekatkan di bahagian atas tiang kapal; ~ *padau* layar yg dipasang ketika angin ribut; ~ *pengapuh* layar yg dipasang di atas layar terbawah; ~ *penyorong* (*baksi*) layar yg dipasang pd tiang belakang jib; ~ *pucuk jala* (*tanjak, tanjung*) layar besar di belakang jib; ~ *sabang* layar yg dipasang pd tiang perahu kecil di belakang; ~ *terbang* (*top*) layar segi empat yg dipasang melandai pd tiang; ~ *topang* layar yg terbesar pd tiang depan; ~ *menimpa tiang* prb seseorang yg diharapkan menjadi pembelot;

berlayar menggunakan layar (perahu, kapal): *perahunya lilin ~ kertas*;

belayar 1. berjalan atau bergerak (bkn kapal atau perahu): *kapal itu sedang ~ menuju ke pelabuhan Kelang*; **2.** pergi (berpergian) dgn kapal atau perahu: *mereka akan ~ ke India dgn menaiki kapal penumpang*; ~ *dulu* ki meninggal dunia; ~ *ke pulau kapuk* tidur; ~ *atas angin* prb berbuat sesuatu atas perbelanjaan orang lain; ~ *bernakhoda, berjalan dgn yg tua* prb segala pekerjaan lebih baik diusahakan di bawah pimpinan orang yg lebih berpengalaman; ~ *sambil memapan, merapat sambil* ~ prb sekali melakukan kerja dua tiga maksud tercapai; *berbuat di alang tahun, ~ di luar musim* prb mengerjakan sesuatu pekerjaan tidak pd waktunya tentu tidak mendapat hasil;

melayari belayar di (laut, sungai) dgn kapal atau perahu, mengharungi: *tiga hari sudah mereka ~ laut lepas dgn tiada diganggu oleh apa-apa jua*; ~ *Internet* mencari dan mendapatkan maklumat, data dsb dlm Internet;

melayarkan membuat supaya belayar (kapal, perahu), menjalankan (kapal, perahu), membawa belayar: *kapal itu dilayarkan kembali ke pangkalannya;*

pelayaran perihal belayar, perjalanan kapal dsb: *pejabat ~; sekolah ~; selama dlm ~ itu, ia tidur atau duduk sahaja; orang ~ orang yg kerjanya belayar, pelayar;*

berpelayaran ark telah biasa atau selalu belayar;

pelayar **1.** orang yg kerjanya belayar; **2.** (Komp) sj program komputer yg digunakan utk melayari Internet: *laman Web ini hanya boleh dibuka dgn menggunakan ~ Netscape Navigator sahaja;* **3.** (Komp) orang yg melayari Internet: *~ boleh mendapatkan maklumat dr laman Web;*

kepelayaran hal, sifat dsb yg berkaitan dgn pelayar: *semuanya bermula drpd sifat kepahlawanan dan ~ orang Melayu pd waktu itu.*

layaran layar-layar.

layar-layar sj ikan laut, *Istiophorus spp.*

layas I; melayaskan ark tidak mempedulikan, menolak.

layas II Mn ark bilah (kayu yg dipasang di atas kasau) tempat memasang atap.

layat Jw melawat orang mati.

layon = layonan Jw ark jenazah raja, mayat raja.

layu **1.** kering dan kecut (daun, bunga, dll), tidak berseri atau tidak segar lagi, lisut: *kajang orang kajang berlipat, kajang saya mengkuang ~;* **2.** ki pucat dan lesu (orang), tidak bergaya, tidak sihat, merana: *gadis tua yg sudah ~; ~ bunga* (barang yg) sudah lama tetapi masih elok (kain dll); *~ malap* Kl terlalu letih; *dianjak ~, dibubut (dianggur) mati = diasak (pindah) ~, dicabut mati* prb keputusan yg muktamad (tidak dapat diubah-ubah lagi);

melayukan ark menyebabkan jadi layu (melayurkan, menganggurkan, dll): *bilamana bunga itu hendak menjadi putik maka datang sahaja panas matahari ~ bunga itu;*

layu-layuan 1. sesuatu yg layu; 2. = *padi* ~ Mn padi yg telah mulai kering;

kelayuan 1. keadaan layu; 2. = **layuan** ki kemangkatan (raja).

layuh Mn 1. lumpuh (kaki dll), tepok; 2. ki tidak bertenaga, lemah, tidak menarik lagi (rupa dll), luntur.

layuk Mn; **melayuk** meliuk lentok, melayah (spt perempuan berjalan).

layu lecuh; melayulecuhkan menjadikan layu sehingga lecuh.

layung Jw ark warna kuning pd waktu petang.

layur I Mn layu, lembut dan lemah;

melayur 1. mendiang di api, memanggang, menyalai, mengganggang: *sebelum dijangat, mengkuang itu hendaklah dilayur dahulu;* 2. terlalu panas atau hangat: *maka terbitlah matahari ~ panasnya;*

melayurkan mendiangkan atau mengganggangkan (utk memanaskan, mengeringkan, dll) memanggangkan, menyalai: *ayam dibersihkan serta dilayurkan ke api dan dipotong.*

layur II Kd, Pn, bp menunjuk-nunjukkan diri, menayang-nayangkan diri.

layur III sj ikan laut, *Trichiurus spp.*

layout I; **melayut** melendut (dahan pohon yg lebat buahnya), melendung.

layout II; **melayut, melayut-layut** bersambung-sambung dan mendayudayu (suara), tidak putus-putus: *bunyi budak-budak mengaji Quran bersahutan, ada yg nyaring suaranya dan ada pula yg melayut-layut.*

lazat I 1. sedap, enak: *berbagai-bagai makanan yg ~ dihidangkan di majlis itu;* 2. seronok;

berlázat 1. berseronok, bersedap-sedap; 2. bersetubuh; *suka ~ suka bersetubuh*;

melazatkan menjadikan sesuatu lazat, menyedapkan, mengenakan: *sedikit renciah dibubuh utk ~ masakan sayur goreng itu*;

kelazatan 1. kesedapan, keseronokan: *kebahagiaan dan ~ yg sejati hanya terdapat bilamana kita mengingati Allah*; 2. terlalu suka atau gemar;

pelazat bahan yg melazatkan makanan.

lazat II Mn ark teruk atau berat (penyakit), lasat, payah; *penyakit ~ a) penyakit yg berat (teruk); b) penyakit raja singa (sifilis dll)*.

lazim telah umum (dipakai, dilakukan, dll), biasa, ghalib, selalu: *hal yg seumpama itu telah ~ berlaku di England; ~nya biasanya, selalunya, umumnya*;

melazamkan menjadikan lazim, membiasakan: *agama pun mengizinkan laki-laki beristeri empat dan adat pun ~ pula*;

kelaziman sesuatu yg telah menjadi lazim: *maka menjadi ~ bagi pihak mahkamah membenarkan ikat jamin kpd orang yg dituduh itu*;

pelaziman proses menjadikan sesuatu (tindakan, perlakuan) lazim.

lazuardi 1. sj galian berwarna biru tua yg terdiri terutama drpd lazurit dan digunakan sbg batu permata dan bahan cat; 2. warna biru tua spt warna lazuardi.

lb kep paun (ukuran berat).

LCD kep *liquid crystal display* (paparan hablur cecair).

lebah serangga kecil berkepak empat dan bersengat yg mengeluarkan waks dan madu; jenis-jenisnya: *~ betul, ~ keram, ~ lalat, dll; air (manisan) ~ air madu*;

~ *bergantung* a) sj ukiran pd jerubung perahu; b) bentuk dagu yg cantik; c) Kl pakatan yg kukuh; *spt ~ , mulut bawa madu, pantat bawa sengat* prb a) orang kaya yg murah hati tetapi sombong; b) perempuan yg elok paras dan tutur katanya tetapi buruk perangai.

lebai I 1. orang yg tahu tentang agama: *bibirnya bergerak-gerak bagai ~ membilang tasbih*; 2. orang yg mengerjakan sesuatu yg bersangkutan dgn agama Islam;

~ *kelarah* Kl lebai yg busuk hati (suka mengumpat dan mencela orang); ~ *ketayap* lebai yg menyangka dirinya mempunyai pengetahuan yg luas tentang agama tetapi sebenarnya tidak; ~ *malang* orang yg selalu sial; ~ *penghulu* Id penghulu agama dlm daerah; ~ *pulut* Kl = ~ *tembolok* lebai yg suka menerima jempunan kenduri tetapi enggan datang utk beribadat;

kelebaian (sifat, sikap, dsb) yg berkaitan dgn lebai: *sikap hidup mereka yg ~ dan tidak moden itu.*

lebai II nama daun (dlm permainan ceki).

lebai III sj ikan laut, *Upeneus spp.*

lebak I bunyi spt bunyi tamparan (buah gugur dll), debak.

lebak II Jw tanah yg rendah, lembah.

lebam I biru kehitam-hitaman (buah yg gugur, badan kena pukul, dll):

Ahmad dipukul emaknya sampai ~~~ belakangnya; biru ~ biru kehitam-hitaman (bekas kena pukul dll); hitam ~ hitam pekat; kelam ~ terlalu gelap;

melebam menjadi atau kelihatan lebam: *dagu yg kelihatan halus dan agak ~;*

kelebam-lebaman kelihatan spt lebam: *kening matanya yg agak biru ~.*

lebam II bunyi spt bunyi barang jatuh dll.

lebam (lébam) III sj ikan laut, *Teuthis spp.*

leban I sj tumbuhan (pokok); jenis-jenisnya: a) = ~ *bunga* = ~ *hitam* = ~ *kunyit* = ~ *nasi-nasi* = ~ *tanduk* sj tumbuhan (pokok), *Vitex pubescens*; b) lenggundi, *Vitex negundo*; ~ *bunga* = ~ *kunyit* gading kahwa, halban, pokok gelang kapur, *Vitex longisepala*; ~ *bunga* = ~ *tanduk*, *Vitex quinta*; ~ *bunga* belakang ular, cencang, cungkil, tumbit kayu, *Allophylus ternatus*; ~ *condong* mengkeddi, *Engelhardtia nudiflora*; ~ *nasi* = ~ *pacat* = ~ *pelanduk* galang dapur, pelong, selongcong, setulang, *Vitex gamosepala*; *pucuk* ~ *gading* gajah, *kerja segan makan gagah* prb (orang yg malas bekerja tetapi kuat makan).

leban II sj ikan laut, *Siganus spp.*

lebang ark; ~ *pinggang* berasa sakit dan kaku pinggang (perempuan hamil yg hampir akan bersalin).

lebap bunyi spt bunyi buah jatuh ke tanah dll.

lebar bunyi spt bunyi orang terjun ke dlm air, cebur; ~-*lebu* bunyi spt bunyi denyutan jantung yg kencang (kerana terperanjat dll), berdebar.

lebar (lébar) **1.** lapang (kawasan dll), luas, tidak sempit: *Jawa Tengah tidak se~ Jawa Barat dan Jawa Timur*; **2.** lintang (lwn panjang) pd sesuatu kawasan: ~ *tanah ini kira-kira dua puluh meter*; *ia tersenyum ~*; ~ *mulut* (orang yg) banyak cakap;

melebar menjadi (lebih) lebar: *senyuman Datuk Ujang yg sudah tumpas tadi ~ semula*;

melebarkan membuat jadi lebar, melapangkan, meluaskan: *mereka datang hendak ~ tanah jajahan mereka*; ~ *jalan-jalan yg sempit*;

memperlebar menjadikan lebih lebar;

kelebaran keadaan lebar;

pelebaran perihal atau perbuatan melebarkan, peluasan.

lebaran Jk hari raya puasa (pd 1 Syawal); ~ *besar (haji)* hari raya haji (pd 10 Zulhijah);

berlebaran berhari raya.

lebas; melebas ark menyebat (dgn rotan dll), membelasah, memukul.

lebat **1.** banyak dan rapat tumbuhnya (rambut, bulu, buah, daun, dll): *rambutnya ikal, ~ dan hitam; kian lama kian jauh perjalanan kita, kian lama kian ~ rimba yg dituju; pokok ini ~ buahnya; **2.** banyak lagi tebal (hujan, embun, dll): *hujan yg turun dgn ~nya pd pagi itu masih belum sidang-sidang lagi; **3.** banyak lagi penuh (bkn corak kain dsb): *dia boleh menyiapkan sehelai kain songket yg ~ corak emasnya dlm masa dua belas hari sahaja;***

melebat menjadi lebat (hujan, buah-buahan, dll): *hujan mula ~ kembali;*

melebatkan menjadikan atau menyebabkan lebat: *minyak yg dikatakan dapat ~ rambut; sj baja yg digunakan utk ~ buah mangga setiap kali musim berbuah;*

kelebatan perihal lebat (hujan);

pelebat (bahan) yg melebatkan: *lemak udang pula boleh dijadikan bahan ~ rambut atau bulu roma.*

lebek (lébék) Kd; **melebek** terlipat (mata pisau dll).

leber (lébér) I Tr; **berleber, beleber** berleter.

leber (lébér) II Jk; **meleber** melimpah (kerana terlalu penuh), meluap, mengalir (meleleh) ke merata-rata.

lebih **1.** melampaui had yg sepatutnya, bertambah (dr dahulu): *harga gula sekarang ~ mahal drpd harganya tiga tahun dahulu; kedudukannya sekarang ~ terjamin; ~ baik duduk diam drpd berkata yg sia-sia; **2.** baki, sisa: *tiga dibahagi dgn dua, ~ satu; **3.** bertambah sedikit (drpd angka yg dinyatakan): *ia bekerja di***

pejabat itu lima tahun ~; 4. semakin, kian bertambah: makin lama menjadi ~ berani ia;

~ jauh selanjutnya, seterusnya; ~ kurang kira-kira, agak-agak; ~ masa yg dilakukan (berkaitan dgn kerja) di luar waktu kerja yg telah ditetapkan; ~ umur melewati umur (yg dikehendaki), tua; ~ lagi = lebih-lebih;

selebihnya baki drpd sesuatu, lebihnya, kelebihannya;

lebih-lebih = *~ lagi* tambahan pula (lagi), apa lagi, lagi pula, teristimewa pula: *betapa senangnya hati anak negeri, ~ lagi hati mereka berdua jika padi itu berbuahkan beras kelak; mereka yg mempunyai sifat kegembiraan ini selalu murah rezekinya, ~ lagi mereka yg peramah dan berbudi bahasa;*

selebih-lebihnya paling banyak (ramai): *anggota jawatankuasa sekurang-kurangnya tujuh orang dan ~ dua belas orang;*

lebih-lebihnya paling lebih: *tugas seseorang diplomat bukan utk menggubah matlamat kerajaannya, tetapi ~ utk menjelaskannya di negara luar;*

berlebih 1. ada lebihnya, berbaki, bersisa: *pendapatannya ~ dr perbelanjaannya; 2. terlalu banyak, banyak sangat: menempatkan semula penduduk yg ~ di Pulau Jawa; ~ kurang bertolak ansur (dgn kawan dll);*

berlebih-lebih 1. terlalu banyak lebihnya (makanan dll): *pakaian yg dibelinya itu ~; 2. melewati (bertambah) dr yg sebenarnya: kebesaran raja-raja pd zaman dahulu biasanya diceritakan dgn cara yg ~;*

berlebihan terlalu sangat (banyak, lebih, dll): *beras ada juga yg dieksport kerana ~ drpd keperluan tempatan;*

berlebih-lebihan 1. terlalu sangat (banyak), melampaui batas (sepatutnya): *dlm hikayat-hikayat lama itu ada bahagian yg agak*

~ sehingga tidak dapat diterima akal; pernahkah saya bersikap ~ terhadap gadis itu? **2.** berlumba utk beratas-atasan (atas-mengatasi): mereka saling ~ memakai barang kemas;

melebih, melebih-lebih berbuat lebih drpd yg sepatutnya (drpd orang lain), menambah supaya lebih: kamu janganlah ~ sangat;

melebihi 1. lebih drpd, melewati, melampaui, mengatasi: *darjah hidup kaum pekerja sekarang betul-betul sudah ~ darjah hidup mereka sebelum perang;* **2.** membuat supaya jadi lebih: mereka mesti berusaha dan memeras tenaga untuk ~ jangka yg ditentukan itu; ~ ancah-ancak, mengurangi sia-sia prb sesuatu pekerjaan atau perbuatan janganlah lebih atau kurang drpd yg sepatutnya tetapi hendaklah pertengahan jua;

melebih-lebihi menambah menjadi terlampau banyak, menjadikan terlalu banyak;

melebihkan 1. menjadikan lebih, membanyakkan: *pengetahuan itu boleh didapat dgn ~ membaca buku, majalah dan akhbar yg bernilai;* **2.** memandang lebih penting (mustahak, berguna, dll): ~ agama drpd adat;

melebih-lebihkan menokok tambah hingga lebih drpd yg sebenarnya: *kadang-kadang kegemparan itu dilebih-lebihkan drpd keadaan yg sebenarnya;*

terlebih 1. yg paling lebih (cerdik, penting, besar, dll), tersangat: *kpd hatinya, ~ baik keris itu drpd golok, kerana Hang Tuah terlalu tahu melihat keris; ~ dahulu pertama-tama;* **2.** = **terlebih-**

lebih = ~ pula (lagi) terutama (teristimewa) pula, lebih-lebih lagi;

lebihan jumlah atau banyaknya sesuatu melebihi sesuatu had atau sesuatu jumlah yg lain: ~ *imbangan perdagangan dijangka meningkat;*

kelebihan 1. sesuatu sifat yg lebih drpd kebiasaan, keistimewaan: *Sayidina Ali ialah sahabat Rasulullah yg mempunyai banyak ~ dan sifat-sifat yg teristimewa*; **2.** bilangan yg berlebih, bilangan yg lebih banyak: *beliau telah menang dlm pilihan raya itu dgn mendapat ~ undi*; **3.** = **lebih** yg berlebih, bakinya, sisanya;

berkelebihan 1. berlebih, bersisa; **2.** terlalu banyak (lebihnya, sisanya, dll); **3.** mempunyai kelebihan (keistimewaan).

lebir; melebir tergeleber ke bawah (spt bibir, tepi topi, dll).

lebu I sl 1. abu, debu, duli: *maka ~ duli pun berbangkit ke udara, siang cuaca menjadi kelam-kabut spt gerhana matahari*; **2.** patik, sahaya; *~ telempakan debu kaki tuanku, hamba tuanku; ~ duli tuanku paduka tuanku.*

lebu II; pelebuan ark pembakaran mayat (di Bali).

lebu III Tr terlalu masak, ranum: *makan habislah pisang tu. Kalau disimpan tidak sedap dimakan lagi kerana sudah ~.*

lebu I jalan raya (besar): *tukang sapu ~;*

~ hias jalan raya utama yg merentasi bandar dan biasanya terdapat lorong pejalan kaki dan dihiasi pokok; ~ raya jalan raya utama yg lebar, biasanya menghubungkan sebuah bandar (bandar raya) dgn bandar (bandar raya) lain;

melebuhkan membuka jalan raya.

lebu II Pr, bp hilang (dicuri orang), lesap.

lebuk I bunyi spt bunyi benda jatuh ke tanah, debuk.

lebuk II Mn gembur, hancur (tanah);

melebuk = *~ tanah* menggemburkan (menghancurkan) tanah.

lebum bunyi spt bunyi benda jatuh, debum.

lebun tipu, penipuan;

melebun menipu (memalsukan sesuatu).

lebung bunyi spt bunyi benda jatuh tetapi lebih halus, debung.

lebur I 1. menjadi cair (logam dll), hancur, luluh: *tabung semacam ini tidak ~ jikalau dipanaskan ke suhu yg terlalu tinggi; titik ~ = takat ~ paras suhu yg menyebabkan logam dll menjadi lebur; 2.* ki rusak langsung, jahanam, musnah: *begitulah ~ kekuatan orang yg bongkak itu; ~ hati hancur hati (perasaan), teramat dukacita; sama ~ sama binasa prb (orang yg) seia sekata;*

melebur menjadi lebur (logam dll): *bijih yg sedang ~ itu kemudiannya dituang ke dalam acuan yg berbentuk bata;*

meleburkan 1. menjadikan hancur (lebur dll), menghancurkan: *panas drpd pembakaran bahan api itu ~ batu kapur dan meninggalkan kapur tohor; 2.* memusnahkan, merosakkan: *dgn keris dan lembing pd tiap-tiap orang, kita akan dapat ~ musuh kita; 3.* memansuhkan sesuatu dan menggantikan (menggabungkan) dgn yg lain: *salah satu yg mesti dileburkan oleh parti ialah hidup berkeluarga kerana ini dianggap menjadi alat bagi kaum kapitalis; ~ diri (kpd, ke dlm) menyertakan diri, menggabungkan diri: ~ diri ke dlm parti politik; ~ diri ke dlm kegiatan persatuan;*

terlebur yg telah menjadi lebur, yg telah melebur;

leburan sesuatu (logam dll) yg telah dileburkan: *~ timah;*

peleburan 1. perbuatan (kerja, proses, dsb) meleburkan sesuatu (logam dll); **2.** tempat meleburkan sesuatu (logam dll);

pelebur 1. alat utk meleburkan sesuatu (spt relau dll); **2.** orang yg membuat atau menjalankan kerja peleburan (logam dsb).

lebur II; keleburan ark lubang (kubu) utk menangkap gajah dll, serling.

lebur III □ **debur.**

leca I tilam.

leca II rantai leher (drpd manik).

lecah I berlumpur, becak, becek: *jalan itu terlampau ~; kena ~ ki* mendapat nama yg buruk (cemar);

~ di kaki prb suami yg tidak bertanggungjawab; *dr ~ lari ke duri* prb perihal seseorang yg menghindarkan dirinya drpd kesukaran yg kecil tetapi jatuh dlm kesukaran yg lebih besar;

berlecah bermain-main dgn lecah, bekerja dlm lecah;

melecahkan menyebabkan lecah;

terlecah 1. terkena lecah, terjatuh ke dlm lecah; **2.** ki mendapat nama buruk, tercemar.

lecah II Tr tawar, hambar: *kamu tidak bubuh garam dlm gulai ini. Aku rasa ~ saja.*

lecak I; *~lecek* bunyi spt bunyi orang berjalan dlm lumpur.

lecak II Kl mencecah, bertemu, sampai (ke bawah).

lecak (lécak) I 1. tanah yg berair dan berlumpur, becak: *kakinya terpijak ~;* **2.** berlecak;

berlecak berlumpur, becak, lecah: *halaman rumahnya terlalu kecil lagi ~.*

lecak (lécak) II Jk buruk (muka), hodoh.

lecap = *basah ~ basah kuyup, basah lencun, basah sekali: ~lah sapu tangan oleh air mata;*

kelecapan perihal lecap.

lecar Kd; **melecar** terkelupas kulit (kerana tergesel dll).

lecas 1. Pn (rasa yg) terlalu manis; **2.** Kl = *~ leweh* rasa yg tidak sedap, payau.

lecat = *licin ~ terlalu licin.*

lece (lécé) Kd; **pelece** suka mengata-ngata orang.

leceh (lécéh) I 1. meleleh dan melekat pd tempat yg dilaluinya (spt lilin yg cair dll); **2.** ki kurang nilai (harga, mutu, dsb), tidak berguna, hina: *memang engkau ~, apa yg engkau hendak, engkau sendiri*

tidak tahu; ~ *budi* tidak berbudi; *perempuan* ~ perempuan sundal;
3. ki cerewet lagi remeh (pekerjaan dll), lambat, lengah, rumit:
pekerjaan yg ~;

meleceh mengampu (ketua, majikan), bermuka-muka (dgn ketua dll);

melecehkan tidak menghiraukan, memandang rendah (hina dll);

perlecehan perihal hina;

peleceh orang yg suka mengampu atau bermuka-muka (dgn ketua dll).

leceh (lécéh) **II** Kl mencalat (kemaluan).

lecek Jk berkedut-kedut (kain, kertas, dll), berkerut-kerut, keremut.

lecek (lécék) **I** lembik (nasi, lumpur, dll), becek; *akal sbg makan nasi* ~ prb fikiran spt anak-anak;

melecek menekan-nekan supaya jadi lembik (nasi dll), melembikkan: *ibu itu sedang ~ pisang bakar*.

lecek (lécék) **II**; *main* ~ ark sj permainan anak-anak dgn guli atau gundu.

lecek (lécék) **III** sj ikan laut, *Selar crumenophthalmus*.

lecer (lécér) **I** **1.** tidak berguna, leceh: *petani ~*; **2.** Kl tidak sungguh-sungguh (pekerjaan dll), kurang cekap, lambat (membuat kerja).

lecer (lécér) **II** ark □ **lecet**.

leces (lécés) ark; *kertas* ~ kertas yg dibuat drpd jerami.

lecet (lécét) = **berlecet**, **melecet** **1.** basah, lecap: *kapur berlecet dgn air mawar*; **2.** lelas (kulit), mengelupas; **3.** luka yg berair, melepuh;

melecetkan menyebabkan melecet (kulit), melelaskan, mengelupaskan: *perjalanan yg jauh itu telah ~ kakinya*.

lecing bunyi spt bunyi anak panah atau peluru.

lecit, **melecit** **1.** terkeluar dgn pantas (spt buah dipicit dll), terpancut; **2.** menghembuskan hingus drpd hidung.

leco (léco) Mn tidak mahu besar, kerdil.

lecok (lécok) **1.** licin sekali: *berminyak biar ~*; **2.** tergeliat, salah urat.

lecu layu (spt daun kayu yg kena air panas).

lecuk; *leca-*~; □ **leca** **I.**

lecun (lécun) **C**; **melecun** menjalankan tipu muslihat, memperdayakan, mengecoh.

lecup I; **melecup** berbunyi spt bunyi orang menghisap (mengecup dll).

lecup II sl rapat ke, mencecah: *maka apabila Pancagah itu berjalan, tumitnya tiada ~ ke bumi.*

lecup III; **melecup** melecur (spt kulit kena air panas dll), melepuh; **melecupkan** menyebabkan melecup (melecur), melecurkan: *percikan minyak panas itu telah ~ tangannya.*

lecur I; **melecur** melepuh (spt kulit kena air panas), mengelupas, menggelembung dan berair (kulit): *tidak dapatlah dikatakan dahsyatnya kesakitan yg dideritanya, badannya ~ seluruhnya;*

melecuri menjadikan sesuatu lecur: *asap industri menggelapkan ruang angkasa dan ~ tumbuh-tumbuhan;*

melecurkan menyebabkan jadi melecur (dgn menjiruskan air panas dll).

lecur II layu (daun dll).

lecus; **berlecus**, **melecus** keluar berpusu-pusu dgn cepat (spt angin yg keluar dr lubang dll).

lecut bunyi pukulan cemeti (rotan, cambuk ,dll); ~ *cambuk* pukulan cambuk;

melecut 1. terpancut keluar dgn pantas (spt biji buah yg dipicit dll), terlepas keluar, melecut: *baji ~ keluar*; **2.** memukul dgn cemeti (rotan, cambuk, dll), menyebat: *anaknya dilecutnya dua kali*; **3.** berbunyi spt bunyi pukulan cemeti (rotan, cambuk, dll); **4.** ki menggiatkan;

melecutkan **1.** menjadikan terpancut keluar (melecit dll); **2.** memukulkan, mencambukkan, menyebatkan;

lecutan pukulan, sebatan: *ia menanti ~ rotan dgn ketakutan yg amat sangat*;

pelecut alat utk melecut, cambuk, cemeti.

ledak; meledak **1.** pecah dan meletup (dgn kuat), meletus: *bom yg dilemparkannya itu telah ~ betul-betul tepat pd sasarannya; barang ~ barang-barang yg mudah meletup (spt ubat bedil dll)*; **2.** ki terbit (peperangan, pertengkaran, dll), timbul: *peperangan Rusia-Jepun mula ~ di Port Arthur pd tahun 1904*;

meledakkan **1.** menjadikan meledak, meletupkan: *mereka sengaja ~ tempat simpanan peluru dan bom itu*; **2.** menyebabkan terbitnya atau timbulnya sesuatu hal (spt peperangan, kemarahan, dll): *~ revolusi*;

ledakan, peledakan **1.** perihal meledak, letupan: *sesekali pd waktu malam terdengar juga bunyi ~ meriam*; **2.** perihal meledakkan (meletupkan) sesuatu: *menghentikan ~ bom hidrogen utk menyelamatkan umat dunia*; **3.** pertambahan (pertumbuhan) yg sangat besar dan mengejut: *~ penduduk; ~ maklumat yg dipelopori teknologi komputer dan elektronik*;

peledak alat elektrik atau elektronik yg digunakan utk meledakkan bahan letupan spt bom atau dinamit, peletup; *bahan ~ benda yg dapat meledak (diletupkan dll)*.

ledang (lédang) **I** sl warna putih kekuning-kuningan (spt awan disinari matahari).

ledang (lédang) **II** Jw ark; **meledang** menunjuk-nunjukkan diri, memperagakan diri.

ledeng (lédéng) IB; *air ~ air paip*.

leder (léder) Kl ambil mudah, tidak begitu mempedulikan (kerana malas dll).

ledes (lédes) Kl bilis pd kelopak mata.

leding; meleding 1. membengkok atau melengkung (papan, pisau, dll):

turus itu menahan kikir itu drpd ~ di tengah-tengah apabila ditekan ketika mengikir; 2. melentik badan (kerana dipukul dsb);

meledingkan menjadikan meleding: *bahang api boleh ~ batang besi;*

peledingan perihal atau perbuatan meledingkan.

leding (léding) □ **ledeng.**

ledong (lédong) Kd berjalan dgn tidak tentu arah.

ledor (lédor); **keledoran** kelengahan, keteledoran.

ledos (lédos) Jk; **meledos 1.** meletup, pecah; **2.** runtuh (bangunan dll), rosak binasa, ranap.

leduk; meleduk meletup, meledak.

ledung Mn; **meledung** melengkung ke bawah (papan dll), melendut;

meledungkan melengkungkan (papan dll), melendutkan.

leftenan (léftenan) **1.** pangkat pegawai tentera bertauliah yg rendah sedikit drpd kapten; **2.** pegawai rendah (bertauliah) dlm tentera laut;

~ *jeneral* (pangkat) pegawai bertauliah di bawah jeneral dan di atas mejar jeneral (dlm angkatan tentera); ~ *kolonel* (pangkat) pegawai bertauliah di bawah kolonel dan di atas mejar (dlm angkatan tentera); ~ *komander* pegawai kanan bertauliah dlm tentera laut di bawah komander dan di atas leftenan (setaraf dgn mejar dlm tentera darat dan udara); ~ *muda* pangkat yg paling rendah dlm tentera (bagi pegawai yg bertauliah).

lega 1. tidak sempit (kawasan, ruang, dll), luas, lapang: *rumah besar yg ~;* **2.** = ~ *dada (hati)* tenteram perasaan (fikiran dll), aman, senang:

drpd kata-kata ibunya itu ~ sedikit rasa hatinya; 3. lapang (waktu), tidak sibuk: kalau ada masa yg ~ , jemputlah ke rumah; 4. agak pulih (drpd sakit), beransur sembuh;

melegakan **1.** menjadikan lega (tempat), melapangkan, meluaskan; **2.** = ~ *dada (perasaan)* menenteramkan hati (fikiran dll): *jururawat itulah sahaja yg dapat ~ perasaannya; 3.* menjadikan berkurang (bkn rasa sakit dsb): *ubat itu ternyata dapat ~ sakit sendi yg dihidapinya;*

terlega menjadi lega: *kegusarannya ~ di kamar ini;*

kelegaan perihal lega, ketenteraman hati (fikiran dll): *rancangannya itu akan mendatangkan ~ kpd pekebun-pekebun kecil;*

pelegaan perbuatan atau usaha utk melegakan (kesakitan, kerunsingan dsb): *~ sakit secara menyeluruh dilaporkan bagi 87% pesakit;*

pelega sesuatu (ubat dsb) yg melegakan (rasa sakit dsb): *ubat ~ sakit perut.*

lega (léga); **melega** tunduk (menyembah, memberi hormat): *dilega sembah di kiri dilenggok pula sebelah kanan.*

legak I Jk; *~-legok* tidak sama atau tidak licin (permukaan), tinggi rendah.

legak II K1 sibuk (urusan), banyak kerja.

legal (légal) IB halal (perbuatan dll) di sisi undang-undang, sah.

legalisme (légalisme) kepatuhan sepenuhnya kpd undang-undang.

legalistik (légalistik) bersifat legalisme: *analisis yg ~.*

legam I; *hitam ~ hitam betul;*

melegam **1.** menjadi legam: *tidak ada bayang-bayang pohon yg ~ saban malam; 2.* melakukan supaya jadi hitam (spt memupurkan sesuatu dgn arang dll);

terlegam terlalu hitam.

legam II; *legum-*~ bunyi spt bunyi tembakan meriam dll, degum-degam.

legap I bunyi spt bunyi debaran jantung (papan dipukul dll), degap.

legap II tidak dapat dilintasi oleh cahaya (bkn batu, kayu, dll);

kelegapan perihal (keadaan atau sifat) legap.

legar bunyi spt bunyi kayu dipukul (pintu dipecahkan dll), degar;

melegarkan mengadakan bunyi legar, menyebabkan bunyi legar:

Azhar keluar ~ daun pintu.

legar (légar); **berlegar, berlegar-legar 1.** bergerak-gerak berkeliling,

berputar, berpusing selalu: *benda itu berlegar-legar spt planet di angkasa lepas; di kepalanya berlegar-legar seribu soalan;* **2.**

banyak mengisahkan tentang atau menumpukan perhatian pd, hampir tertumpu pd: *persoalan cerita ~ pd diri Ipin, seorang anak orang asli;* **3.** Mn bergilir (bekerja dll), bertukar-tukar;

melegari mengelilingi: ~ *Kaabah;*

melegarkan memusingkan berkeliling, mengedarkan (minuman dll);

legaran edaran, giliran.

legas Pl ligat.

legasi (légasi) IB perwakilan negara di luar negara (tarafnya lebih rendah drpd kedutaan besar).

legat tetap haluan (perjalanan, pandangan, dll), lurus.

legato (légato) (Muz) not yg dimainkan secara bersambungan.

legeh (légéh) rabung yg memisahkan dua sistem saluran.

legenda (légenda) **1.** cerita dongeng yg bersangkutan dgn kisah-kisah yg bersejarah; **2.** petunjuk atau kata-kata keterangan tentang sesuatu (spt peta, carta, ilustrasi, dll).

leger (légér) IB **1.** kayu yg menyangga lantai, rasuk; **2.** bekas air, tong.

legislatif (législatif) mempunyai kuasa utk menggubal undang-undang.

legit (Sunda) manis, sedap.

legitimasi (légitimasi) **1.** surat bukti yg mengesahkan keterangan dsb tentang seseorang; **2.** pernyataan yg sah, kesahihan (berdasarkan undang-undang), kesahan;

melegitimasikan menjadikan sesuatu sah atau sah berdasarkan undang-undang.

legiun IB ark pasukan (ketumbukan) tentera.

lego (légo) Jk = **melego** menyerahkan atau meneruskan kpd (bkn bola, tugas, dll).

legojo, legoja **1.** orang yg diperintahkan utk membunuh, algojo, pertanda; **2.** ki orang yg tidak bertimbang rasa, bengis.

legok Jk **1.** tidak rata (sesuatu permukaan), cekung, lekuk; **2.** lembah (yg dalam).

legong (légong) sj tarian Bali.

legu; melegu mematikan anyaman (tikar, sumpit, dll).

leguh; *~-legah* bunyi yg riuh-rendah (spt barang-barang berhantukan dsb).

legum bunyi spt bunyi meriam; *~-legam* berbagai-bagai bunyi legum.

legum (légum) (Bio) jenis tumbuhan yg biji buahnya terkandung di dlm lenggai, kekacang.

legunder IB ark bp pasukan (tentera) berkuda.

legundi sj tumbuhan (pokok renek), *Vitex trifolia*.

legung I bunyi spt bunyi gong.

legung II sj tumbuhan (pokok).

legup I; *~-legap* bunyi spt bunyi debaran jantung (benda jatuh dll), degup-degap.

legup II sj tumbuhan (pokok memanjat), *Strychnos ovalifolia*.

leha (léha) lalai, leka, lengah.

lelah-lelah (léhah-léhah) Jk tidak melakukan apa-apa, bersenang-senang, leka.

lehar (léhar) Jk (papan dll) tempat mengalas Quran, rehal, lekar.

leher (léhér) **1.** bahagian tubuh yg menghubungkan kepala dgn badan:

Shahrin memanjangkan ~nya dan melihat keluar; bertegang ~ berkeras benar memperkatakan sesuatu, bertengkar; 2. sesuatu yg menyerupai (yg lekat pd) leher; ~ *baju* bahagian baju yg mengelilingi leher; ~ *botol* bahagian botol (yg sempit) dekat mulutnya; *tali* ~ kain yg diikat di keliling leher (di bawah leher baju) dan hujungnya bergantung di dada kemeja, dasi;

berleher 1. mempunyai leher (bkn manusia, binatang): *zirafah ~ panjang; 2.* mempunyai leher (bkn baju dsb): *kemeja-T ~ bulat.*

lehet (léhét) Ph melekat (spt air gula dll), melekit.

leik (léik) Kl **1.** empuk, lembut; **2.** hancur, lumat (spt tepung).

leja; meleja mengata-ngata (mencerca, menghamun, dll).

leja (léja) sj kain.

lejang 1. sepak, tendang, lompat; *se~ kuda berlari* a) sejauh kuda melompat; b) pujian bagi rumah yg cantik; **2.** gerakan yg cepat (berlari, terbang, dll); *se~ terbang* secepat terbang, cepat sekali; **3.** (Kej) gerakan omboh (pd enjin) ke atas ke bawah atau ke kiri ke kanan; ~ *ekzos* lejang keempat atau terakhir (pd enjin empat lejang);

melejang 1. menendang, menerajang, melompat sambil berlari (spt kuda); **2.** bergerak dgn pantas ke atas ke bawah (spt omboh enjin dll); *siapa ~ siapa patah* prb siapa yg bersungguh-sungguh hendak akan sesuatu, dialah yg akan menanggung kesusahannya (kesulitan, kerugian, dll);

melejangkan, melejang-lejangkan menghulurkan (kaki), menyepakkan, menendangkan;

pelejang sesuatu yg melejang (spt pesawat pd perangkap, jebak, dll): *ia memasang getah ~ di pintu jebak; kuda ~ bukit* prb orang yg jadi perkakas (pesuruh dll) orang lain.

lejar ark terlalu penat.

lejar (léjar) buku utk merakamkan akaun perniagaan.

lejit; melejit bergerak (berlari, keluar, dll) dgn pantas.

lejuh penuh (digenangi dll) minyak, terlalu banyak minyak (pd rambut dll).

leka (léka) = **terleka** asyik (melakukan sesuatu, kpd sesuatu), lalai (oleh sesuatu), selalu (melakukan sesuatu), ralit: *di laut, Hasan ~ mengail; yg buta datang berpimpin, yg pekak ~ bertanya;*

melekakan menjadikan leka, mengasyikkan, melalaikan;

kelekaan perihal leka atau terleka (asyik), keasyikan;

peleka orang yg selalu leka.

lekah I pecah (pd kayu dll), belah, rekah;

melekah merekah, pecah.

lekah II ark; **pelekah; pintu** ~ tingkap pd geladak kapal.

lekak; ~-lekuk tidak rata dan tidak lurus, tinggi rendah dan bengkok-bengkok.

lekam ark; **melekam** memegang dgn telunjuk dan ibu jari, mencekak.

lekan 1. pecah atau retak (kerana kena panas spt tanah dll), merekah;

bibirnya ~ bibirnya pecah-pecah kepanasan; 2. mudah tanggal (isi buah dr biji, cat dr kayu, dll), longkah, tidak melekat; *rambutan* ~ rambutan yg isinya mudah terkopek dr bijinya; 3. tidak henti-henti, sentiasa: *saya tidak ~ memegang peta;*

tak ~ *di bibir* selalu disebut-sebut; *tak lapuk dek hujan, tak ~ dek panas* prb adat yg tidak berubah-ubah (kekal);

berlejang tidak lagi bersama-sama (sahabat dll), bercerai, berpisah: *pd suaminya dah timbul alamat, masa ~ hampirlah sangat;*

melejang 1. pecah atau belah (bibir, tanah, dll); **2.** tanggal atau longkah (cat dll);

melejangkan 1. menjadikan lejang; **2.** ki memisahkan (memalingkan) drpd: *ia tidak dapat ~ matanya drpd peristiwa yg sedang berlaku di depannya;*

pelejang ki sesuatu yg melejangkan (menghilangkan penyakit dll, memisahkan): *nasi dingin tampal kepala, ubat orak ~ jerih.*

lekap I lekat (rapat sekali), merapat, menempel;

melekap 1. melekat (pd), tertampal (pd): *kedua-dua tapak tangannya ~ ke daun pintu;* **2.** merapat, mendekat: *muka anak itu ~ di dada ibunya;*

melekapkan 1. menjadikan melekap, melekatkan, menampalkan (gambar dll): *~ ubat ke tempat yg luka;* **2.** merapatkan, mendekatkan, mendempetkan: *kepalanya dilekapkannya ke dada ayahnya;* **3.** ki memasang atau mengenakan sesuatu (pakaian dll);

terlekap terlekat pd, tertampal pd, dlm keadaan yg melekap;

pelekapan perihal (proses, perbuatan dsb) melekap atau melekapkan;

pelekap anggota (pd beberapa jenis ikan dan serangga) utk mendakap.

lekap II; *~-lekup* bunyi spt bunyi kayu patah dll.

lekap III sj burung, *Certhia spp.*; *~ batu, Certhia familiaris;* *~ gunung, Certhia nepalensis;* *~ tanah, Certhia discolor;* *~ tualang, Certhia himalayana.*

lekar anyaman drpd lidi atau rotan utk mengalas periuk dll; ~ *terendak* rangka terendak yg dibuat drpd rotan;

melekari melapik (periuk dll) dgn lekar.

lekar (lékar) I sj cairan yg disapu pd perabot rumah dll (utk mengilatkannya).

lekar (lékar) II Jk sj meja kecil tempat mengalas Quran, rehal.

lekas tidak lambat atau lengah, cepat, segera: ~ *benar hari malam rasanya, kerja awak sedang terbengkalai*;

selekas; ~ *mungkin* = **selekas-lekasnya** paling lekas, paling awal, secepat-cepatnya;

lekas-lekas dgn lekas (sekali), cepat-cepat: ~ *Mamat pergi menuju ke sungai; aku ~ keluar dan bersalam dgn mereka*;

berlekas-lekas sentiasa mahu lekas, tergesa-gesa, terburu-buru;

melekaskan membuat sesuatu supaya lekas, mencepatkan, menyegerakan: ~ *kerja yg baik supaya tidak ditimpa yg buruk*;

memperlekas membuat sesuatu supaya lebih lekas, mempercepat;

pelekas (orang) yg lekas (marah dll): *orang yg ~ marah itu lekas sekali memaafkan dan lekas pula menyesal*.

lekat 1. = **berlekat, melekat** tidak tanggal atau lekang (kerana dipaku, diikat, dll), tidak terlepas, menempel: *maka todak pun datang, serta ia melompat ~ jongornya pd batang pisang itu*; 2. mudah melekit (spt benda-benda yg bergetah, kanji, dsb); 3. = **melekat** ki rapat atau karib (persahabatan dll), kekal; 4. = **melekat** ki tidak berubah-ubah (hala pandangan dll), tetap: *jangan hampir kpd patik, memandang ~ pun ia tiada*; 5. = **melekat** ki terpakai (pakaian dll), terkena; 6. = **melekat** ki tertarik kpd (hati dll), terpaut pd: *hatinya ~ kpd gadis yg berbaju kurung*; 7. = **melekat** terserap dan tidak luput, tersemat (dlm hati, ingatan): *masih ~ dlm ingatan kita tentang pernah adanya anggapan sedemikian; kata-*

kata itu langsung tidak melekat di hatinya; 8. = melekat sah (tuduhan dll), berlaku: tuduhan membunuh yg dimajukan ke atasnya tidak ~ dan beliau dibebaskan; 9. = melekat ki kekal (adat dll), masih terpakai; ~ badi menyerupai sesuatu (rupa anak-anak yg baru lahir dll); ~ perut Tr mengandung, hamil; ~ uri tembuni atau uri tidak keluar (ketika bersalin);

melekat lekat;

melekati 1. lekat pd, melekit pd; 2. hidup pd (api dll): *apabila hujung rokok itu sudah dilekati api, ia pun duduk semula di atas katil;*

melekatkan 1. menjadikan melekat, menampalkan: *~ label pd botol ubat;* 2. mengenakan (pakaian), memakai: *dgn dada berdebar-debar, dia ~ pakaiannya;* 3. sl memberi gelaran (pangkat, bintang, dsb): *pd hari ini, aku ~ gelar kpd Nakhoda Muda ini Kiai Demang Purwasedana;* 4. menanam (modal, wang) dlm perusahaan atau dgn membeli barang-barang berharga: *wangnya dilekatkan pd barang-barang emas;* 5. menghalakan pandangan (perhatian dll), menetapkan pandangan dll; 6. mengenakan sesuatu (ubat, guna-guna, dll) pd, membubuh; 7. memukulkan (tangan, kayu, dll): *kerana marahnya, ia pun ~ tangannya pd budak itu;* 8. menaruh (hati), memautkan (hati): *~ hatinya kpd gadis itu;* 9. menyalakan, menghidupkan (api): *~ api kpd rumput-rumput kering di belakang rumahnya;*

terlekat melekat atau lekat pd, telah dilekatkan: *terkejutlah orang melihat gambar teman-teman lelakinya yg ~ dlm album itu; ~ kersik buluh prb melakukan sesuatu yg sia-sia;*

lekatan keadaan yg melekat (di antara satu permukaan dgn permukaan yg lain);

pelekat 1. sesuatu yg digunakan utk melekatkan (gam, kanji, dsb);
2. helai plastik atau kertas yg mempunyai tulisan atau gambar utk menandakan sesuatu, biasanya ditampalkan atau dilekatkan pd sesuatu permukaan: ~ *kereta*.

lekeh (lékéh) I □ □ □ **selekeh**.

lekeh (lékéh) II 1. Kl mudah (melakukan sesuatu), senang; 2. Kl, Kd tidak berdaya, lemah.

lekir berjalur-jalur putih, belak: *panau* ~; *ular sawa* ~.

lekis ark sj tumbuhan (pokok).

lekit; melekit mudah melekat (spt benda yg bergetah, kanji, air gula, dsb).

leklek (léklék) Kl 1. serupa (dgn), sama (dgn); 2. sesungguhnya, sebenarnya, sememangnya.

LEKRA Id akronim bagi Lembaga Kebudayaan Rakyat.

leksem (léksém) (Lin) unit minimum, spt kata atau kata dasar, dlm perbendaharaan kata sesuatu bahasa.

leksikal (léksikal) (Lin) bkn perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa; *makna* ~ makna sesuatu perkataan itu sendiri (tanpa melihat penggunaannya dlm ayat dsb).

leksikograf (léksikograf) IB penyusun kamus.

leksikografi (léksikografi) proses atau profesion menyusun kamus, perkamusan.

leksikologi kajian tentang makna dan penggunaan perkataan.

leksikon (léksikon) (Lin) 1. kamus; 2. perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau sesuatu bidang.

leksikostatistik (léksikostatistik) (Lin) pengkajian secara statistik tentang kosa kata sesuatu bahasa, dgn penekanan khusus terhadap hubungan sejarahnya dgn bahasa-bahasa lain.

leksis (léksis) (Lin) perbendaharaan kata sesuatu bahasa, kosa kata, leksikon.

leksotaktik (léksotaktik) (Lin) sistem dan pengkajian penyusunan ciri leksem dlm urutan.

lektor (léktor) IB pensyarah di universiti.

lektur (léktur) IB bahan bacaan (buku dll).

leku; meleku bertelekan (bertopang) dagu;

terpeleku duduk bertelekan (bertopang) dagu: *Encik Budin ~ di bilik pejabatnya.*

lekuh; *~-lekah = ~-lekih* bunyi orang batuk (nafas yg kencang dsb).

lekuk 1. cekung (lengkung) ke dalam (spt kanta, lubang-lubang di jalan, dll), cawak (pd pipi), jeluk, lembang, lepek: *di tangan orang yg kena tuduh itu ada dua tanda ~ dan luka*; **2.** sj daun terup (bergambar jantung); **3.** Tr beduk, tabuh;

~-lekak = ~-lekik banyak lekuknya; *~-liku* a) banyak lekuk dan selekoh (jalan); b) berbagai-bagai tipu daya; *~ lutut* pelipat lutut; *~ mata* rongga (lubang) tempat biji mata;

berlekuk bercawak, berjeluk, berlembang, berlepek: *jalannya buruk sekali ~-lekak dan menyusahkan pemandu-pemandu kereta*;

melekuk menjadi lekuk (lembang, jeluk, dll): *di sebelah hadapan tulangnya ~ membentuk lubang mata*;

melekukkan menyebabkan (membuat supaya) jadi lekuk, menjadikan lekuk;

lekukan 1. sesuatu yg melekuk; **2.** hasil melekuk;

pelekukan perbuatan (proses dsb) melekuk atau melekukkan;

pelekuk sesuatu yg digunakan utk melekukkan sesuatu.

lekum I kerongkong atau merih, tenggorok; **halkum.**

lekum II; *~-lekam* bunyi spt bunyi orang bertukang, bunyi yg kuat.

lekung termasuk ke dalam (sesuatu permukaan), cekung, cengkung: *pipi yg ~*.

lekup; *~lekap* bunyi spt bunyi jari dipatahkan (tempurung berhantuk dsb).

lela (léla) I 1. sl tingkah laku yg elok, gerak-geri (tangan dll) yg elok: *mereka bersuka ria dgn tepuk tari dan ~*; 2. elok (tingkah laku), cegak, lagak, ragam, segak; *banyak ~ banyak ragam; muda ~ muda dan segak*;

~ bangsawan segak lagi berbangsa; ~ remaja muda lela;

selela-lelanya sekehendak hatinya, sesuka hatinya: *jika dibiarkannya sahaja segala perasaan itu dgn ~, tidak dapat tidak ia memekik-mekik*;

berlela berlagak, bergaya, bertingkah; *amak ~ amak berupa berbagai-bagai gaya dan rupa*;

melela menggerak-gerakkan tangan, memperlagakkan diri, menunjuk-nunjuk: *maka laksamana pun bangkit berdiri, seraya ~ di hadapan Hang Jebat tertitar-titar*;

melelakan menggerak-gerakkan (pedang, badan, dll) dgn elok, mempertunjukkan (sikap, gaya, dll) dgn elok.

lela (léla) II sl beberapa jenis meriam: *memutih layar mengkuang, memutih ceropong ~*;

~ rambang sj meriam yg mulutnya bercorong; *~ rentaka* sj meriam yg boleh diputar-putar (dibuat drpd besi baja); *kalau tidak berlela baiklah berela-rela* prb kalau tidak berdaya upaya baiklah menurut sahaja;

melela; *besi ~ besi baja; keris ~ keris yg tidak berpamor*.

lelaba □ □ □ **laba**.

lelabah □ **labah-labah**.

lelabi □ **labi-labi**.

lelabu □ □ □ **labu**.

lelada □ lada-lada.

lelah **1.** tidak berdaya lagi, letih, mengah, penat: *kerana ~nya orang itu bercakap termengah-mengah; ~ jerih = ~ payah* tersangat lelah; *melepaskan ~* berehat; **2.** penyakit sesak nafas, asma;

berlelah, berlelah-lelah melakukan sesuatu hingga lelah, bekerja kuat, berpenat: *sekurang-kurangnya terhiburlah sedikit mereka itu setelah ~ sekian lama menuai padi yg sedang masak itu;*

melelahkan, memperlelah menyebabkan jadi lelah, menjadikan lelah, meletihkan, memenatkan: *kerja ini sangat ~;*

kelelahan **1.** perihal lelah, keletihan, kepenatan; **2.** lelah sekali, sangat lelah, keletihan, kepenatan: *pd waktu matahari rembang, petani-petani di bendang itu ~ .*

lelah **II** Mn; **selelah** sejauh, setakat mana jauhnya: *~ burung terbang;*

melelah mengejar, menghambat: *biar lambat asal selamat, bagaimana gunung dilelah.*

lelai; melelai **1.** melengkung ke bawah (dahan, daun kelapa, dll), menjulai; **2.** memaut dahan dll ke arah diri sendiri (utk memetik buahnya dll): *daun terap di tengah padang datanglah gajah dilelainya;*

melelaikan membuat supaya jadi melelai, melengkungkan (dahan dll), melenturkan.

lelais; ikan ~ ikan lais-lais; □ □ □ **lais** **II**.

lelak tidak tersusun lagi (anyaman dll), bercerai-berai, rosak.

lelaki laki-laki;

kelelakian kelaki-lakian.

lelakon ark lakon.

lelampang; ~ *badak* sj tumbuhan (pokok), lampin badak (budak), keculam, penculam, *Clerodendron disparifolium*.

lelan (lélan) **I** tidak ingat lagi, khayal: *masing-masing kembali ~ dibuai air laut;*

terlelan terlupa akan diri, terkhayal: *Zamri terus juga ~ dlm buaian nikmat keindahan Shamsiah.*

lelan (lélan) **II** sj ikan.

lelancur Jk **1.** ayam jantan muda; **2.** ki teruna, jejaka.

lelang (lélang) **I** Id lelong.

lelang (lélang) **II** sj tumbuhan (pokok), kayu manis hutan, *Cinnamomum paraneuron.*

lelangit langit-langit;

~ *keras* struktur tulang cekung yg membentuk bahagian atas mulut dan terletak di belakang batas gusi; ~ *lembut* selaput lembut yg membentuk bahagian atas mulut di belakang lelangit keras;

berlelangit mempunyai lelangit.

lelangon Jw ark; *taman* ~ taman tempat bersuka-suka.

lelangse (lelangsé) Jk tirai; □ □ □ **langsai II.**

lelantar sj tumbuhan (pokok), cendarah hantu, cungh putih, dada ruan, *Ostodes macrophylla.*

lelap **1.** nyedar (tidur), lena, nyenyak: *tidur tak ~ makan tak kenyang;* **2.** tidak ada lagi, hilang, lenyap, lesap: *harta pusaka yg diwarisinya sekarang telah ~ belaka;* **3.** tidak dapat ditebus kembali kerana sudah lewat masanya (barang gadaian); **4.** beku (minyak); ~ *kemalingan* prb pekerjaan yg dibuat dgn tidak berhati-hati akan mendatangkan kerugian atau bahaya;

melelapkan mengejapkan (mata): *baru ia hendak ~ mata, sudah tersentak mendengar suara bising;*

terlelap tertidur, terlena: *kira-kira pukul tiga lewat barulah ia ~ dgn nyenyaknya;*

pelelap orang yg kuat tidur, penidur.

lelar I; memperlelar, memperlelaskan melakukan sesuatu berulang-ulang, mengulang-ulangkan sesuatu;

dilelar timba ke perigi, tak sekali, sekali pecah juga prb perbuatan yg tidak baik itu kalau diselalukan akan buruk juga padahnya;
jangan diperlelarkan timba ke perigi, kalau tak putus genting prb jangan membiasakan perbuatan yg jahat.

lelar II; melelar menarik, menarik-narik: *Amah ~ tangannya mengajak menari;*

lelaran tarikan, heretan: *beberapa langkah aku terdorong ke hadapan kerana ~nya.*

lelas 1. licin atau rata (kerana diparas, dipotong, dsb); **2.** terkupas kulit (kerana tergesel dsb), lecet;

melelas 1. menjadi licin atau rata (spt diparas atau dipotong); **2.** mengelupas kulit (kerana tergesel dsb), melecet;

melelaskan 1. menjadikan licin atau rata, memaras; ~ *balung ayam* memotong balung ayam licin-licin; **2.** menggosokkan sesuatu hingga licin; **3.** menyebabkan lelas (lecet), melecetkan;

pelelas sesuatu yg digunakan utk melicinkan, pelicin.

lelat; *sirih* ~ ark sirih yg diberi oleh pengantin lelaki kpd pengantin perempuan.

lelatu I Jk bunga api, kilatan api; **latu I.**

lelatu II kelekatu.

lelah; ~ *minyak* sj ikan laut, pipit, *Polynemus heptadactylus*; ~ *tanda* sj ikan laut, pipit, senangin buih, *Polynemus sextarius*.

lelawa Jk kelelawar.

lelawi sj serangga yg suka memasuki telinga.

lelayang I layang-layang; □ □ **layang I.**

lelayang II sj ikan laut, layang-layang, *Trichiuridal*.

lelayang III sj tumbuhan (pokok) dlm famili Anacardiaceae, sepul, layang-layang (Sabah), upi (Sarawak), *Parishia spp.*

lele (lélé) Jw sj ikan darat (spt ikan sembilang atau keli), *Clarius melanoderma*.

leleh (léléh); **meleleh** mengalir perlahan-lahan (spt air mata, darah, dsb): *badanku panas dan peluh ~ di dahiku; ~lah air mata di pipinya yg telah mulai kendur;*

melelekan membiarkan meleleh (spt air mata, air liur, dsb), mengalirkan: *kami sendiri banyak menangis dan ~ air mata;*

lelehan sesuatu (benda) yg meleleh, cairan;

berlelehan mengalir atau meleleh dgn berlebih-lebihan, meleleh selalu, senantiasa meleleh: *~ air liurnya;*

pelelehan 1. pengaliran perlahan-lahan; 2. lubang tempat meleleh; *habis cupak dr ~ prb adat yg dilanggar sedikit demi sedikit itu akhirnya akan dilanggar semua sekali.*

lelemah sj ikan laut, selemah, selembu, serumbu, *Lactarius lactarius;*

lemah III.

lelemak sj tumbuhan (pokok memanjat), merensa, *Connarus oligophyllus*.

lelembu sj ikan laut, *Ostracion cornutus*; □ □ □ **lembu III.**

lelep Jk; **melelepkan** menekankan supaya terbenam, membenamkan.

leler (lélé) I leleh (benda-benda yg menjijikkan spt hingus dsb); *tua ~ sangat tua;*

berleleran 1. meleleh selalu (benda-benda melekit spt hingus dsb), berlelehan; 2. ki tidak menentu (tidak teratur) keluaranya (percakapan dll), tidak keruan, kacau-bilau;

meleler 1. mengalir perlahan-lahan (benda-benda yg melekit spt hingus, air liur, dsb), meleleh; 2. Kl menyapu ke merata tempat (kotoran dll);

leleran sesuatu yg meleler.

leler (lélér) **II**; **keleleran** tidak teratur (barang-barang dll), terbiar atau terabai.

leler (lélér) **III** sl tidak senonoh (perangai), kurang ajar.

leler (lélér) **IV** Kl tidak mengambil berat (tentang pekerjaan dll), cuai, lalai.

leletup sj tumbuhan (rumpai dan buahnya), letup-letup, cipulan, letup, ubat pekung, *Physalis minima*; □ □ □ **letup II**.

lelewa (léléwa) Jk; **berlelewa** berlebih-lebihan (tingkah laku) berlagak, bertingkah.

lelimau sj tumbuhan (pokok), limau hutan, pokok temin (renjis), sebantun, *Taxotrophis macrophylla*.

lelipan bentuk daun yg menyerupai bentuk bulu ayam (terdiri drpd beberapa helai daun yg tumbuh pd urat daun).

leloceng (lelocéng) bentuk bunga yg menyerupai bentuk loceng (spt bunga cempaka).

lelompat; ~ *daun* sj serangga drpd famili Cicadellidae yg merosakkan tumbuhan.

lelong (lélong) penjualan di hadapan khalayak ramai (dgn harga beratas-atasan oleh pembeli-pembelinya): *kelulusan permohonan tanah yg di dlm bandar dibuat secara ~*;

tangkap ~ membeli barang yg dilelong; *tukang* ~ orang yg melelong barang-barang, penjual barang-barang lelong;

melelong 1. menjual barang-barang di hadapan khalayak ramai (dgn harga beratas-atasan): *apakala penggadai tidak dapat membayar, tanah itu harus dilelong*; **2.** sl membeli atau memborong barang-barang lelong;

melelongkan, memperlelongkan 1. menjual barang dgn dilelong: *pemungut hasil tanah boleh ~ tanah itu kalau hasilnya tidak*

dibayar dlm tempoh yg tertentu; 2. memborong kerja (membekali makanan ke asrama, membuat bangunan, dll);

terlelong telah dilelong, kena lelong: *sekiranya kebun ini ~, rumah kita akan ~ sama;*

lelongan barang dsb yg dilelong;

pelelongan perihal melelong, penjualan lelong: *baru sebentar ini dia pergi mengurus ~ barang-barang kami;*

pelelong orang (syarikat dsb) yg melelong atau melelongkan sesuatu.

leluasa 1. tidak terbatas atau tersekat-sekat (kelakuan, perbuatan, dsb), bebas: *bilakah kita akan bertemu pula dgn ~ ?; 2. lapang (kawasan dll), terbuka, luas;*

berleluasa berbuat sesuatu dgn bebas atau sesuka hati: *pd suatu masa pencuri dan penyamun ~ dlm negeri Melaka;*

keleluasaan perihal leluasa (pergerakan, kelakuan, dsb), kebebasan.

lelucon Jw kelakar atau jenaka (cerita dsb), lawak, kelucuan: *dicubanya juga membuat ~ tetapi hambar;*

berlelucon berkelakar, berjenaka, berlawak.

leluhur Jw nenek moyang.

leluing Jk sj tumbuhan (pokok), *Ficus hispida*; □ □ □ **luing I.**

lelumba lumba-lumba.

lelumbah; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok), kayu hok, *Corymborehis longiflora*.

lelungit Jw ark sj nyanyian, kidung.

leluri Jw adat yg diwarisi drpd nenek moyang, tradisi; **naluri.**

lem (lém) IB gam (getah, kanji, dll), perekat;

dilem dilekatkan dgn gam (getah, kanji, dll).

lema (léma) (Lin) kata masukan dlm kamus, entri.

lemah I 1. tidak bertenaga (berkuasa, kuat), lesu: *dgn gerak yg ~ spt orang kehabisan tenaga, ia berjalan perlahan-lahan menuju jendela*; 2. rendah (dr segi pencapaian): *prestasi kerjanya ~*; 3. tidak diyakini sbg benar atau logik: *hadis yg ~*; 4. tidak tegas: *dia ~ dlm membuat keputusan*;

~ gemalai = ~ gemulai gerak berliuk-liuk yg elok (tubuh badan); ~ hati mudah dipengaruhi orang, tidak tegas, tidak teguh hati; ~-laun lemah dan perlahan (gerak-geri dll); ~ lentur tidak mudah patah (tetapi boleh dilentur-lentur), liat; ~ longlai a) = ~ gemalai; b) tidak bermaya, lemah; ~ lumpuh lemah sekali; ~ persendian tidak bertenaga; ~ semangat mudah terperanjat (mudah kena sakit dll); ~ syahwat (zakar) lemah tenaga batin, zakar tidak bertenaga;

~ diraih, pantai dititi prb sikap yg bijaksana dlm mengeluarkan sesuatu perintah; ~ liat kayu akar, dilentur boleh dipatah tak dapat prb pd lahirnya kelihatan lemah tetapi sebenarnya tidak dapat dipengaruhi atau dipermain-mainkan;

berlemah berbuat lemah, bersikap lemah, lwn berkeras;

melemah menjadi lemah (bertambah lemah): *suara itu kemudiannya memanjang dan berlanjut-lanjut dan makin ~ pula*;

melemahkan menjadikan lemah, menyebabkan menjadi lemah: *penyakit selesema itu boleh ~ tenaga seseorang; nasib dua watak yg penting ini kurang memuaskan dan merupakan faktor besar yg ~ novel ini*;

memperlemah menjadikan lebih lemah;

kelemahan perihal lemah: *ia manusia biasa dan mempunyai berbagai-bagai ~ dan kekurangan*;

pelemahan perihal menjadi atau menjadikan lemah;

pelemah sesuatu yg (dapat) melemahkan (semangat dll).

lemah II Kd, Pl; **pelemah** membohong, berbohong.

lemah III sj ikan laut, lelemah, lemak, *Lactarius lactarius*.

lemah lembut elok perangai, halus budi pekerti, baik hati;

berlemah lembut bersikap lemah lembut: *Nabi Muhammad adalah seorang yg berhati mulia dan ~*.

lemah lesu tidak bermaya, kurang bertenaga;

melemahlesukan menjadikan lemah dan tidak bermaya: *aku memang dilanda cinta pertama yg ~ tenaga jiwa dan raga*.

lemak I 1. sj zat minyak pd binatang (melekat pd daging), gemuk binatang: *di bawah kulitnya terletak selapis ~ yg memanaskan badannya; ~ kambing; 2. = berlemak* mengandung lemak atau minyak: *ikan dimasak ~; gulai ~; kerbau mandul banyak ~; 3. Mn* sedap atau enak (rasa, pendengaran, dll): *~ lauk dikunyah-kunyah, ~ kata disebut-sebut; ~ santan, manis gula tidak sedar racun bermain;*

~ ketam warna kejingga-jinggaan; *~ tulang sumsum* dlm tulang; *~ penyelar daging* prb memboroskan harta benda tuannya.

lemak II sj ikan darat, kap, *Labeobarbus ocellatus*.

lemak III; *~ batu* a) sj tumbuhan (pokok), ekor kucing, meroyan kerbau, sembung merah, *Didymocarpus crinitia*; b) sj tumbuhan (pokok renek), gegunjah putih, *Cyrtandra pilosa*; *~ beruk* sj tumbuhan (pokok renek), melukut, *Urophyllum glabrum*; *~ itik* sj tumbuhan (pokok), bolian, membaju, melima, *Tarrietia simplicifolia*; *~ kepiting (ketam)* sj tumbuhan (rumpai), pulut-pulut, *Melochia corchorifolia*; *~ pahit* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar mambu, jemerah, mambu jantan, merambu, sekebah, *Milettia sericea*.

lemal Kl tidak sedap tubuh (kerana demam dll).

leman (léman) Jw gajah.

lemang sj makanan (drpd pulut dan santan) yg dibakar dlm buluh;

bersandar di ~ hangat prb berlindung kpd orang yg zalim akan binasalah akhirnya; *memakan hendak ~ , membeli hendak pelo* prb inginkan barang yg elok tetapi enggan membayar harga yg sepatutnya; *menyandang ~ hangat orang* prb menanggung akibat perbuatan orang lain;

melemang membakar lemag.

lemanta Sr **1.** pokok rumbia; **2.** sagu mentah.

lemari bp□almari.

lemas I tidak boleh bernafas (kerana tenggelam dlm air, kena gas, dll), sesak bernafas; *mati ~ mati* kerana tidak dapat bernafas; *~ fikiran* tidak dapat berfikir, bingung;

melemaskan menjadikan lemas: *begitu tebal asapnya sehingga kalau sejam dua ia begitu tentulah ia dapat ~ manusia;*

kelemasan menjadi lemas: *ia pun mati oleh sebab ~;*

pelemas; *zat ~* Id zat yg berupa gas dan tidak berbau (dlm udara ada 78%), nitrogen.

lemas II 1. boleh dilentur-lentur (kerana lemah, lesu, dll), tidak mempunyai kekuatan, lemah, lembut; **2.** halus (budi bahasa dll), lemah lembut (kelakuan);

melemaskan melembutkan atau melemahkan sesuatu, menghaluskan (budi bahasa dll).

lemau 1. tidak rancak (bunyi-bunyian); **2.** tidak garing, lembik (spt kuih yg masuk angin dll); **3.** lemah urat.

lemba sj tumbuhan (herba), segumbar urat, *Piper umbellatum*; *~ batu* sj tumbuhan (herba), *Staurogyne merguensis*.

lembaga 1. bakal (manusia, tumbuhan dan binatang), benih, jauhar, asal mula (bagi sesuatu); *~ bisul* mata (benih) bisul; *~ daun* bakal daun; **2.** bentuk yg mula-mula (yg asal), acuan atau cetakan; **3.** bentuk sesuatu benda (yg kurang jelas rupanya): *kami hanya*

melihat ~~ mereka dr jauh; 4. perbadanan yg menjalankan sesuatu tugas: pegawai daerah itu juga menjadi ketua dan pengerusi L~ Bandaran; L~ Pelabuhan; 5. ketua suku (di Negeri Sembilan): maka berhimpunlah penghulu yg empat suku serta ~ yg dua belas suku; ~ pengarah badan yg terdiri drpd sekumpulan orang yg dilantik oleh para pemegang saham utk membuat dasar yg mesti dilaksanakan oleh pihak pengurusan syarikat;

memperlembagakan menjadikan perlembagaan: *percubaan utk ~ prosedur;*

perlembagaan undang-undang atau peraturan negeri, dasar pemerintah negeri: *Malaya bersatu padu dlm maksud mencapai kemerdekaan secara ~;*

berperlembagaan mempunyai (berlandaskan, berpegang pd, dsb) perlembagaan: *suatu prinsip asas yg ~ Islam.*

lembah = lembahan, pelebahan 1. tanah rendah (di perkakian gunung atau bukit), tanah pamah (di kiri kanan sungai): *di kebanyakan ~ sungai, tanahnya kaya dgn lanar; Merbok ialah sebuah pekan kecil di ~ Gunung Jerai, 2.* ki jurang kehidupan, tempat yg paling rendah atau hina: *kerana drpd pelebahan datangku, dan ke pelebahan aku mesti kembali; maka bebaslah mereka bergelumang dlm ~ maksiat; ~ silikon* kawasan tempat bertumpunya pelbagai industri yg berkaitan dgn teknologi maklumat;

berlembah ada atau terdapat lembah (bkn tanah): *kawasan itu rendah dan ~.*

lembai (lémbai) Mn; **melembai 1.** menggerak-gerakkan turun naik, melambai; **2.** menjilat (bkn api), melarat.

lembak (lémbak); **melembak** melimpah (kerana air terlalu banyak atau mendidih), meluap.

lembam I 1. tidak ada kekuatan, kelesa, lemah; 2. lembap, tidak cergas, lemah (bkn kemampuan seseorang murid menerima pelajaran): *guru-guru biasanya memberi perhatian yg lebih kpd murid-murid yg ~;*

kelembaman 1. Id tenaga yg mengakibatkan sesuatu benda terus diam atau terus bergerak (kecuali diubah oleh tenaga luar); 2. perihal lembam (lembap, tidak cergas, lemah), kelembapan, kelemahan.

lembam II □ □ □ **lebam I.**

lembang I 1. lekuk (tanah dll): *tatkala anak raja itu jadi, ditumpu oleh bidannya akan kepala baginda, menjadi ~ sama tengahnya;* 2. menjadi dalam (tanah yg dilalui air dll); 3. = **lembangan** tanah pamah yg rendah, lembah;

melembang menyebabkan jadi lembang, melekukkan.

lembang II; melembang bercakap dgn lemah lembut (seolah-olah memujuk), membujuk.

lembang III Kl; **berlembang** tidak tersusun rapi (barang-barang, pakaian, dll), berselerak, bersepah-sepah;

melembangkan menjadikan berselerak.

lembang (lémbang) sj tumbuhan (pokok), damak-damak air, medang selusuh (teja), *Grewia florida*.

lembap 1. masih basah (mis tuala, tanah, dll), tidak kering: *kain baju yg dijemur itu masih ~; jalan masuk ke kedai itu ~ dan becak;* 2. tidak rancak (suara, bunyi-bunyian, dll), tidak nyaring, kendur, tawar; 3. lambat atau kurang mencapai kemajuan (dlm pelajaran), tidak cerdas, lemah, lembam: *Salimlah satu-satunya budak yg ~ dlm pelajaran, tetapi dia petah bercakap; jika peruncit membeli keluaran yg tidak diminati oleh para pelanggan, perniagaannya akan mengalami masalah jualan yg ~ dan mengalami kerugian;*

melembap menjadi lembap (kulit dsb): *peringkat penjagaan kulit, iaitu membersihkan, menyegar dan ~;*

melebapkan menjadikan (menyebabkan) lembap: *tanah yg terlalu kering perlu dilembapkan terlebih dahulu;*

lembapan sesuatu (bahan dsb) yg lembap;

kelembapan **1.** perihal lembap (tidak kering): *kabusnya tebal kerana ~nya tinggi;* **2.** perihal lambat atau kurang mencapai kemajuan, perihal lembap (tidak cerdas, lemah, lembam), kelemahan, kelembaman: *~ industri perikanan di negara ini mula dikesan pd awal tahun 1980-an;*

pelembapan perihal (tindakan dsb) menjadikan lembap: *pertama pembersihan, penyegaran dan ~ muka;*

pelembap (bahan dsb) yg melembapkan (kulit dll).

lembar **1.** sl benang atau tali; **2.** penjodoh bilangan bagi benda yg panjang dan luas bidangnya (tali, kertas, dll), helai, utas: *sehari se~ benang lama-lama menjadi kain;*

melebarkan mengantih atau memintal tali (benang dll);

lembaran **1.** lampiran atau helai (kertas, surat khabar, dll); **2.** halaman atau muka surat (pd buku, surat khabar, dll): *alamat sidang pengarang termuat di ~ pertama; kita jadikan tahun 1964 sbg permulaan ~ sejarah yg cemerlang bagi Sarawak;* **3.** keluaran surat khabar (majalah dll); *~ pagi surat khabar sebelah pagi.*

lembat sl lebat.

lembayung **1.** sj tumbuhan (herba), bunga jamban, keladi bunting, *Eichhornia crassipes;* **2.** = merah ~ warna ungu (merah ungu).

lembega (lembéga) sj tumbuhan (pokok renek), rembega, *Calotropis gigantea.*

lembek (lémbék) tilam nipis tempat tidur.

lembidang bahagian tepi piring (pinggan dll) yg leper dan rata.

lembiding sj tumbuhan (pakis), *Stenochlaena palustris*.

lembik 1. terlalu lembut (spt tanah, nasi, bantal, dll), tidak keras atau tegang (tali dll), kendur, lunak: *tanah perkuburan itu masih ~; kuih ~*; **2.** tidak kuat atau cergas (orang), lemah, lembam: *badannya ~ dan kurang sihat; ketawa ~; semangatnya ~*;

melembikkan menjadikan lembik, menyebabkan lembik (lemah, kendur, dll);

kelembikan perihal lembik (lemah, kendur, dll), kekenduran, kelemahan.

lembing 1. sj senjata bermata besi yg boleh diradakkan atau dibalingkan (lebih kecil drpd tombak); **2.** sj seligi yg digunakan dlm permainan sukan;

menohokkan ~ ke semak prb melakukan perbuatan yg sia-sia; *tercacak bagai ~ tergadai* prb tertegun kehairanan;

melembing meradak (menikam, menohok, membaling) dgn lembing.

lembok (lémbok) sj burung, punai tanah, *Chalcophops i. indica*.

lembora ark sj ikan laut.

lembu I sj binatang ternakan utk mendapatkan susu dan dagingnya, *Bos longifrons*, *Bos brachyceros*, dll;

~ *daging* lembu yg dipelihara utk (mendapatkan) dagingnya; ~ *dogol* a) lembu yg tidak bertanduk; b) ki orang yg suka mengugut tetapi tidak melakukan apa-apa; ~ *kasi* a) lembu yg dikasi; b) orang yg berani dgn musuh kalau berjauhan; ~ *kenyang* KI orang yg degil atau malas, orang yg berbuat tidak peduli; ~ *kontan* (Eko) perniagaan yg mendapat keuntungan besar secara berterusan atau selalu mengalami lebihan tunai; ~ *pawah* lembu yg hasil pemeliharaannya dibahagi dua antara tuan punya dgn orang yg

mengusahakannya; ~ *tenusu* = ~ *perahan* lembu yg ditenak terutamanya utk mendapatkan susunya;

~ *dogol jangan dibalun* prb orang yg tidak melawan jangan diusik-usik, jika melawan dia bersungguh-sungguh; ~ *punya susu, sapi dapat nama* prb orang lain yg membuat kebajikan orang lain yg mendapat kepujian; ~ *tanduk panjang, tidak menanduk pun dikata orang menanduk juga* prb orang yg sudah terkenal jahatnya; *laksana ~ dogol, tak boleh ditanduk hanya disondol* prb a) orang yg hanya suka menggertak tetapi tidak berbahaya; b) melawan dgn seberapa kuasanya dlm perkelahian; *laksana ~ kasi* prb badan sahaja yg besar tetapi hati penakut; *menghela ~ dgn talinya, menghela manusia dgn akal nya* prb manusia harus diperlakukan dgn lemah lembut;

memperlembu ki memperlakukan spt lembu (terhadap seseorang), memandang spt lembu: *kerana takut akan ugutan inilah orang-orang desa yg bodoh itu makin diperlembu oleh Tuan Kasim.*

lembu II; *burung* ~ sj burung, pucung, *Ardea s. sumatrana*; *punai* ~ sj burung, tekukur, tekukur api, *Macropygia ruficeps malayana*.

lembu III sj ikan laut, buntal kotak, *Ostracion spp.*; **lelembu**.

lembuara sl sj lembing yg berambu-rambu.

lembugai □ **lemunggai**.

lembung; **melembung** menjadi besar kerana berisi angin (air dll): *belon itu hendaklah ditiup ~ hingga pecah*;

melembungkan menjadikan melembung, meniup sehingga melembung: ~ *dada*;

pelembungan **1.** Id belon getah (utk anak-anak); **2.** gelembung buih sabun; **3.** tembolok ayam.

lembur kerja yg dibuat di luar masa pejabat (kerja malam dll), kerja lebih masa; *upah ~ = wang ~* bayaran kerana bekerja lebih, upah (wang) lebih masa;

melembur bekerja di luar masa pejabat (kerja malam dll), bekerja lebih masa.

lemburu sj ikan laut; **lemuru**.

lembusir bahu atau belikat (kerbau, lembu, dll); *daging ~* daging pd belikat (kerbau, lembu, dll).

lembut 1. tidak keras, mudah dilentur, lemah, lembik, lunak: *siput babi memakan bahagian tumbuh-tumbuhan yg ~ dan hijau; ~ gigi drpd lidah* lemah lembut (merendahkan diri); 2. baik hati, elok perangai (budi bahasa), sopan: *bangsa Melayu itu ~ perangai dan berbudi halus*; 3. menarik, tidak kaku atau garang (bkn rupa seseorang), tidak keras atau terlalu terang (bkn warna): *raut anak muda, berwajah ~ itu bukan baru sehari dua dia kenal; tujuh warna gincu bibir yg ~ dan mekar*; 4; ~ *lembai* Kd lemah lembut (orang lelaki yg berjalan spt orang perempuan);

berlembut berbuat lembut (kelakuan, perangai dll): *ibu tirinya itu sebenarnya bukanlah ~ kepadanya*;

melembut menjadi lembut (suara dll): *sebentar kemudian terdengar suara orang bercakap ~ dan mengeras*;

melembutkan 1. menyebabkan jadi lembut, melembikkan, melunakkan: *daun-daun itu direndamkan ke dlm air mendidih utk ~nya*; 2. ki melemahkan (hati, dll), menyebabkan jadi lunak (perasaan, hati, dll): *pujuk rayu Datuk Ujang tidak dapat ~ hatinya*;

kelembutan perihal lembut (benda, budi bahasa, dll): *para pencipta perlu mempunyai ~ jiwa*;

pelembutan (Lin) perihal melembutkan perkataan (spt ke sungai kecil utk kencing dll);

pelembut **1.** orang yg sopan: *perempuan tua yg sering dianggap ~ dan bersopan santun*; **2.** bahan (krim dsb) yg digunakan utk melembutkan sesuatu: ~ *kulit*.

lemek (lémék) lembik lagi leper (songkok dll).

lemena (leména) ark sj baju besi (utk berperang).

lemidi sj tumbuhan (paku pakis), lamiding, lembiding, memiding, *Stenochlaena palustris*.

lemon (lémon) **1.** sj limau yg bentuknya bujur, berkulit tebal kuning , dan jusnya masam, *Citrus limon*; **2.** sj minuman (dibuat drpd lemon).

lemoned (lémonéd) sj minuman ringan yg dibuat drpd jus lemon.

lemos (lémos) Kd; **berlemos** berselekeh, kotor.

lempai; melempai, terlempai, berlempaian terkulai lemah (dahan patah, bendera basah, dll), tergantung dgn layu: *segala pucuk yg muda-muda serta bunga yg baru mekar itu berlempaian mellihatkan gundah-gulana Ken Tambuhan*.

lempam ark; **melempam** bp tidak cergas (bekerja dll), lembap.

lempang I Jk tidak berbengkok-bengkok (jalan dll), lurus; ~ *hati jujur* (lurus);

melempangkan **1.** meluruskan (badan dll); **2.** membetulkan atau menyesuaikan dgn.

lempang II ark = **melempang** melintang (letak sesuatu benda dll); ~-*pukang* tidak menentu atau bersusun (letak sesuatu benda dll).

lempang III **1.** = ~-*lempung* bunyi spt bunyi orang memukul gendang (bunyi hon kereta dll); **2.** = **melempang** tampar, tempeleng: *kalau saya naik meradang saya ~ saja dia*;

berlempang-lempang berbunyi spt bunyi hon kereta (orang memukul gendang dll);

melempang menampar, menempeleng: *kalau ditanya tidak pernah mahu jawab terus, tahu nak ~ saja.*

lempap; melempap memukul-mukul kapas dgn kayu.

lempar (lémpar) baling, buang, lontar; ~ *cakera (lembing, peluru)* sj permainan dlm olahraga;

~ *batu sembunyi tangan* prb orang yg berbuat sesuatu kemudian berpura-pura tidak tahu;

melempar **1.** membaling (sesuatu kpd), melontar sesuatu jauh-jauh: *tentu ada orang yg ~ batu ke dlm sungai itu;* **2.** membaling dgn sesuatu (batu, kayu, dll): *mereka melempar sesiapa saja yg lalu di situ;* **3.** ki membuang (pandangan), menghalakan pandangan: *Ali ~ pandangannya ke lain, mendung kelihatan air mukanya;*

melempari melempar berkali-kali.

melemparkan **1.** membalingkan, melantingkan, melontarkan: *ibu saya bergaduh, ~ barang-barang ke atas lantai;* **2.** mengeluarkan sesuatu (spt kemarahan, tuduhan, dll): *dia melepaskan geramnya, ~ kemarahannya kpd anak isterinya; tuduhan yg bukan-bukan telah dilemparkan oleh Panglima Hitam kpd Wan Intan;* **3.** menghalakan atau menghadapkan (pandangan dll) kpd, memberikan utk: *orang itu lewat sambil ~ senyuman kepadanya; bagai ~ kersik ke buluh* prb melakukan pekerjaan yg sia-sia;

lemparan **1.** sesuatu yg dilemparkan; **2.** hasil drpd melempar;

pelempar **1.** sesuatu yg dilemparkan (spt batu, kayu, dll); **2.** alat yg digunakan utk melempar; **3.** orang yg melempar: ~ *bom tangan;*

sepelempar sejauh (batu dll) dilempar.

lempari ark sj alat bunyi-bunyian (berupa gong yg kecil atau canang);
lampari.

lempaung sj tumbuhan (pokok dan buahnya masam), *Baccaurea lanceolata*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Tinomiscium petiolare*.

lempedal □ **hempedal**.

lempedu; ~ *tanah*, a) sj tumbuhan (herba), beremi, gelumak susu, mempedu tanah, *Curanga felterrae*; b) = ~ *jawa* sj tumbuhan (pokok), berombong, *Nauclea junghuhnii*; *akar* ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar gelumpang, akar lupuk, akar merapuh, akar timun dendang, mentimun gagak merah, *Adenia acuminata*.

lempék (lémpék); **berlempék-lempék** bertepek-tepek (cat, lumpur dll), tidak rata (cat dll).

lempem Jk; **melempem** **1.** tidak kering betul, masih basah, lembap; **2.** tidak berbunyi atau meletup (mercun dll); **3.** tidak rancak, lemah, lembik.

lempenai sj tumbuhan (pokok).

lempeng Jk lurus.

lempeng (lémpéng) **1.** sesuatu yg pipih (spt tembakau dll): *tembakau* ~; **2.** sj kuih yg pipih dan nipis (yg diperbuat drpd tepung dll); **3.** kepingan (besi, kaca, dll) yg nipis;

melempeng membuat kuih lempeng; *perutnya* ~ perutnya kempis.

lempér Jw sj makanan yg diperbuat drpd pulut dan dibungkus dgn daun pisang.

lempi Pr pukul, bantai.

lempiri sl nafiri, serunai.

lempit Jk lipat;

melempit melipat (kain, kertas, dll).

lempoyan sl penggulung (kumparan) tali kail, kili-kili; **empoyan I**.

lempoyang □ **lampoyang**.

lempoyangan sj tumbuhan (pokok kecil-kecil) *Panicum repens*.

lempuh □ **lepuh**.

lempuk I sj penganan yg dibuat drpd durian (nangka dll) dan dimasak dgn gula hingga pekat.

lempuk II; berlempuk melekat atau melekit banyak-banyak (daki, kotoran dll).

lempum; ~-*lempang* bunyi spt bunyi benda besar jatuh, bunyi yg terlalu kuat berturut-turut.

lempunai sj tumbuhan (pokok), mempenai, mempunai, pokok tapis, *Xylopi caudata*.

lempung I ringan dan tidak keras (kayu dll), mampung; *kayu* ~ a) kayu yg ringan lagi empuk; b) ki tidak berguna (barang-barang dll); *bagai kayu* ~ *ditebuk kumbang tembus-menembus* prb orang yg lemah mudah dianiaya oleh orang yg berkuasa; *umpama kayu* ~ *belum ditolak condong sendiri* prb orang yg bodoh dan penakut mudah menurut kehendak orang lain.

lempung II Jk tanah liat.

lempur; kelempuran kelemahan yg amat sangat (badan dll).

lemputih; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok renek), mata itik, melukut, merembung jantan, *Urophyllum glabrum*.

lemuas; berlemuas berselekeh atau berlumur dgn kotoran (bkn muka, badan, dsb).

lemuduk sj ikan laut, demuduk, *Carangoides ferdau*.

lemuk sj ikan laut, lemah, lelemah, *Lactarius lactarius*.

lemukut □ □ **melukut**.

lemunggai sj tumbuhan (pokok), emunggai, gemunggai, kacang kelor, meringgai, merunggai, remunggai, *Moringa oleifera*.

lemur sj mamalia (spt kera) dlm famili Lemuridae yg terdapat di Madagaskar; ~ *ekor gelang*, sj lemur yg ekornya bergelang-gelang putih hitam, *Lemur catta*; ~ *perang*, *Lemur fulvus*.

lemuru sj ikan laut.

len (lén) Id kanta.

lena (léna) **1.** lelap, nyedar, nyenyak: *aku menelungkupkan mukaku ke bantal lalu ~ semula*; **2.** leka, lalai, tidak sedar (ingat): *semua orang ~, ~ dgn impian masing-masing*; **3.** lama (waktu), lambat-lambat: *tidak berapa ~ ketikanya*;

berlena, **berlena-lena** sengaja menghabiskan masa, berlalai-lalai, berlama-lama, berleka-leka;

melenakan membuat supaya lena, menjadikan lena, melelapkan: *dia berpura-pura ~ diri dan membiarkan ia dibawa oleh laki-laki itu*;

terlena **1.** tertidur, tidur lelap: *matanya dipejamkan dan dia mula ~ dgn tidak payah dipaksa-paksa*; **2.** terlupa akan hal-hal lain, terlalai, terleka: *beberapa ketika ia ~ memikir-mikirkan masa depannya, ia hanya sedar kembali apabila semboyan kereta api berbunyi*; **3.** = **terlena-lena** terlalu asyik atau leka, terlalu suka akan sesuatu;

kelenaan **1.** (dlm) keadaan yg lena; **2.** Id tidak awas-awas, kurang hati-hati.

lenang (lénang) tenang (air dll): *apabila Datuk Selampit itu telah mengaku kalah maka air laut itu pun ~ semula*; *senang-~ berbahagia sekali, tiada satu pun yg kurang*.

lencana tanda yg dibuat drpd logam dll dan dipakai di dada (utk menunjukkan keanggotaan sesuatu persatuan, sekolah, dll): *tiap-tiap ahli jawatankuasa pemungut derma mempunyai ~ di baju mereka*;

berlencana memakai lencana: *sekumpulan pelajar yg ~ sekolah kelihatan berkeliaran di pekan itu.*

lencang lurus (barisan atau arah); ~ *kanan* Id pandang ke kanan utk meluruskan barisan (perintah dlm perbarisan tentera dll).

lencas sj ulat bulu.

lencet (léncét) ark □ **lecet**.

lenci I (lénci) Jk lengkung; □ **laici**.

lenci II (lénci) bp, Id sj binatang mengerip spt arnab, *Oryctolagus curiculus*.

lencit; melencit keluar dgn cepat atau pantas (biji buah-buahan yg dipicit), terpelencit;

lencitan gerakan atau hasil melencit.

lencong (léncong); **melencong 1.** tidak mengikut arah yg betul, menyimpang dr arah yg asal, menyerong: *tiba-tiba Nor ~ ke kiri dan aku ~ ke kanan; 2.* menyimpang drpd tujuan (maksud) yg asal, menyeleweng, tersesat: *di sini saya telah ~ sedikit kerana hendak menjelaskan betapa mustahaknya undang-undang itu;*

melencongkan menjadikan melencong atau menghalakan sesuatu ke arah lain, menyimpangkan: *mereka akan ~ jalan;*

terlencong menyimpang dgn tidak sengaja drpd dasar, arah tujuan dsb yg asal atau sebenarnya, terbabas: *ketiadaan maklumat dan kelengkapan pelayaran juga menyebabkan nelayan asing ~ ke perairan negara kita;*

lencongan jalan dsb yg melencong dr jalan asal yg dibaiki dsb;

pelencongan perihal melencong atau melencongkan: *ada beberapa ~ berlaku ketika novel ini ditulis.*

lencun, lencung ark kuyup; *basah ~ basah kuyup: badannya ~ oleh peluh.*

lenda ark; **melenda** melanda; □ **landa II.**

lendair mengandungi air (bkn batang, buah, dll), berlendir dan berair.

lendap; melendap bertukar menjadi kental atau pepejal (bkn cecair spt darah yg terdedah dll), membeku;
pelendapan perihal melendap (cecair).

lendat; melendat memijak-mijak rumput atau tanah dll (oleh binatang spt gajah dll), melanyak.

lendih ark duduk berasak-asak atau berapat-rapat, duduk bersandar.

lendek (léndék) K1 tidak berkedut-kedut (kain), licin.

lendir benda cair yg pekat lagi licin (spt dahak, hingus, dll): ~ *kahak*;
makan hasil ~ ki orang yg hidup drpd hasil persundalan;
berlendir terdapat lendir, ada lendir.

lendit Kd tertib (kelakuan).

lendu; melendu jatuh atau terkulai ke bawah, terjuih (bibir dll).

lendung; melendung melengkung ke bawah atau ke dlm (tali yg direnggang dll), melendur.

lendut = melendut membengkok ke bawah, tidak tegang, meleding, melengkung: *dawai-dawai telefon biasanya mengembang lalu ~ semasa hari panas*;
lendutan perihal lendut;
pelendutan perihal atau proses melendut.

leng (léng) ukuran yg bersamaan dgn setengah cupak.

lenga sj tumbuhan (herba), bijan, *Sesamum indicum*.

lengah (léngah) **1.** kurang peduli (ingat-ingat), cuai, lalai, leka: *rancangan itu akan dijalankan dgn tidak ~~~ lagi*; **2.** tidak segera, lambat, malas: *lekas-lekas kembali, jangan ~ di laut*;
berlengah-lengah, berlengah **1.** berlalai-lalai, berlama-lama, berlambat-lambat, bermalas-malas: *dgn tiada ~ lagi kami pun menaiki kereta tersebut lalu pergi*; **2.** berbuat sesuatu utk melalaikan diri, berleka-leka: *ia ~ bermain catur*;

melengah **1.** tidak segera (melakukan sesuatu), tidak hati-hati, lalai, leka: *pernah sekali saya dimarahi kerana ~ melayan tetamu;*
2. = ~ *waktu* mengisi masa yg lapang dgn mengerjakan sesuatu: *di bawah meja itu ada banyak majalah utk ~ waktu;* **3.** melakukan sesuatu utk menghiburkan atau mempersenang diri (orang lain dsb): ~ *anak;* ~ *hati;*

melengah-lengah **1.** berbuat sesuatu utk mempersenang-senang atau menghibur-hiburkan diri (orang dsb); **2.** = ~ *waktu* melakukan sesuatu (membaca dll) utk mengisi waktu;

melengahkan, melengah-lengahkan melakukan sesuatu supaya lalai, mengabaikan, melalaikan, melambat-lambatkan: *dlm pd itu Rosita tiada melalaikan dan ~ sekolahnya; sengaja membuat helah utk ~ masa;*

terlengah tidak teringat akan sesuatu, terlalai (oleh sesuatu), terlena;

lengahan perihal lengah: *tindakan yg menggunakan strategi ~.*

kelengahan **1.** perihal lengah (lalai, cuai, dll), kelalaian: ~ *kita telah menyebabkan kita sekalian menjadi mundur;* **2.** keadaan tidak berbuat apa-apa (menganggur);

pelengah **1.** orang yg selalu berlengah (berlambat-lambat atau lalai); **2.** sesuatu yg boleh melengahkan (bermain, membaca, dll).

lengai **1.** tidak tangkas dlm melakukan sesuatu, tidak cergas, tidak aktif;
2. lalai, lengah; **3.** (Kim) tidak bertindak balas secara kimia dgn bahan lain (bkn gas dsb): *gas ~;*

lengai-lengai dgn lengai: *kerja ~ lambat beroleh laki;*

kelengaian sifat atau keadaan lengai: ~ *gas itu.*

lengak Jk; **melengak** **1.** memandang ke atas, mencongak, mendongak; **2.** ki tercengang.

lengan 1. bahagian badan dr bahu hingga ke pergelangan tangan: *~nya berbulu; tulang ~ atas* anggota di antara siku dgn bahu; **2.** kaki hadapan (bagi binatang berkaki empat); **3.** bahagian benda (baju, dacing, dll) yg menyerupai lengan;

~ baju bahagian baju yg menutupi lengan; *~ bawah* anggota antara siku dgn pergelangan tangan; *~ raglan* lengan yg sampai ke garis leher yg kelimnya menyerong dr bawah lengan ke leher; *~ sudut* dua garisan yg mengandungi sesuatu sudut; *berbantalkan ~* ki a) perihal terlalu miskin; b) bermesra-mesra dgn kekasih;

dipegang ~ sudah bak ~, dipegang betis sudah bak betis = dikacak betis sudah bak betis, dikacak ~ sudah bak ~ prb perihal angkuh atau sombongnya seseorang;

berlengan 1. mempunyai lengan: *blaus ~ panjang*; **2.** ki berkelahi dsb dgn meninju, bertumbuk: *dia sedia ~ jika dicabar.*

lengang 1. tidak sibuk, tidak ramai orang, sepi: *penduduk tempat itu amat ~, barangkali hanya dua orang dlm kawasan satu batu persegi*; **2.** (berasa) sunyi atau sepi, berasa tersendiri: *ia bersama-sama keluar mencari kekandanya itu kerana merasai ~ hidup dgn kehilangan saudara*;

melengangkan menjadikan lengang, menyepikan: *pemindahan beramai-ramai oleh penduduk kampung itu telah ~ suasana kampung tersebut*;

kelengangan perihal lengang (sunyi, sepi), kesepian, kesunyian: *hanya suara keridik dan belalang daun sahaja yg kedengaran mendesing memecahkan ~ itu.*

lengar rasa pening-pening lalat (kerana terhantuk kepala dll), tergayang;

terlengar rasa pening-pening lalat, hampir pengsan: *~ terhantuk kepala ke dinding.*

lengas = **berlengas** **1.** lembap atau berair (berpeluh, berwap, dll): *meja itu masih ~ bekas tumpah air gula*; **2.** Id mengandung air (hawa dll); *pengukur* ~ alat utk mengukur banyaknya air (dlm udara dll); **melengas** menjadi (ber)lengas, menjadi lembap atau basah: *kulitnya sejuk dan ~*;
melengaskan menjadikan berlengas (lembap atau basah).

lengas (léngas); **berlengas, terbelengas** terpalang-paling tidak menentu.

lengat ark kukus; *nasi* ~ nasi yg dikukus;

melengat memasak (nasi dll) dgn wap, mengukus.

lengeng (léngéng); **berlengeng** tidak memakai baju (hanya seluar atau kain sahaja): *seluar pendeknya yg kuning pucat dan badannya yg ~ itu semakin kotor.*

lengadai sj tumbuhan (pokok), sj baku, *Bruguiera spp.*

lenggai buah yg kulitnya keras dan memecah dua (buah kacang dll).

lenggak; melenggak memandang ke atas, mendongak, menengadah;

melenggakkan; ~ kepala mendongakkan, menengadahkan kepala.

lenggak (lénggak); *~-lenggok* melenggangkan (badan, leher), melenggok-lenggokkan, menggoyang-goyangkan.

lenggana sl tidak sudi, enggan.

lenggang berhenti seketika (biasanya utk berfikir), senggang.

lenggang (lénggang) **1.** pergerakan tangan ke hadapan dan ke belakang ketika berjalan, ayunan tangan ketika berjalan: *ia berjalan dgn ~ yg lemah lembut*; **2.** pergerakan mengayak-ayak atau berbuai-buai (kapal dimainkan gelombang dll);

~ kangkung a) pergerakan berayun-ayun yg lemah lembut; b) hidup atau duduk bersenang-senang (tiada apa yg dikhuatirkan); *~ patah tujuh* pergerakan ketika berjalan dlm hutan (utk mengelakkan dr pokok-pokok, duri, dll); *~ perut* istiadat

membetulkan kedudukan anak dlm perut (bagi perempuan yg hamil sulung apabila telah tujuh bulan mengandung);

~ *bagai sirih jatuh, tak tahu di tampuk layu* prb orang yg tidak sedarkan kekurangan diri; ~

-*lenggok bagai cupak hanyut* = ~ *patah sembilan* prb gaya jalan yg lemah lembut dan menarik; *elok ~ di tempat datar* prb bersuka-suka biarlah pd tempat dan waktunya; *harap ~ serdadu, destar teleng belanja kurang* prb cakap sahaja yg lebih tetapi buktinya tidak ada; *tak berasak ~ dr ketiak* prb tidak berubah-ubah dan masih tetap spt lama juga;

berlenggang, melenggang **1.** berayun tangan ketika berjalan: *tangan kanannya yg memegang senapang itu kelihatan tidak ~*; **2.** bergerak-gerak turun naik atau ke kiri ke kanan (perahu atau kapal dimainkan gelombang dll): *ia berpaling memandang api lampu minyak yg melenggang lemah; badannya turut ~-lenggang mengikut goncangan kepalanya*; **3.** ki berjalan dgn tidak membawa apa-apa beban: *mereka pulang dr dusun ~ sahaja kerana tidak ada durian yg gugur*; **4.** = ~-lenggok = *melenggang-lenggok* berliuk-liuk ke kiri ke kanan (spt orang menari dll): *pandangannya berpusat kpd api lampu yg ~-lenggok ditiup angin*; ~ *perut* lenggang perut;

melenggangkan **1.** mengayunkan tangan ketika berjalan; **2.** menjadikan berlenggang atau melenggang: *anak-anak angin yg bertiup itu melenggang-lenggangkan rambutnya*;

terlenggang-lenggang terayak-ayak, terayun-ayun (perahu dimainkan gelombang dll);

lenggangan ark **1.** sj dulang utk mencari bijih atau emas; **2.** pergerakan melenggang, ayunan.

lenggapus sj tumbuhan (pokok), penaga, penaga lilin, *Mesua ferrea*.

lenggara ark sl; **melenggarakan** menjaga atau memelihara sesuatu (negeri dll), menyelenggarakan: *tinggallah tuan ~ negeri ini, kerana hamba hendak pergi dgn Yang Dipertuan*; □ **selenggara**.

lenggek I (lénggék) Mn tingkat (pd rumah);

berlenggek bertingkat, berlapis: *rumah yg ~*;

berlenggek-lenggek bertingkat-tingkat (pd rumah);

memperlenggekkan mendirikan bertingkat-tingkat, menyusun berlapis-lapis.

lenggek II (lénggék) ark; **berlenggek-lenggek** (menangis) dgn suara yg kuat.

lenggiang kesidang.

lenggok (lénggok) 1. pergerakan tubuh badan (ketika berjalan, menari, dll), gelengan kepala sewaktu menari: *dlm setiap tarian, ~ gontai mempunyai maksud dan makna seni yg tersendiri*; 2. ki cara, gaya: *banyak perkataan berbeza dr segi sebutan mengikut ~ sebutan sesuatu kaum*; *~-lenggang = lenggang-~ = lenggok-lenggok* berliuk-liuk ke kiri ke kanan (bkn pergerakan orang menari, berjalan, dll): *~-lenggang* *bagai cupak hanyut*;

berlenggok, berlenggok-lenggok, melenggok, melenggok-lenggok, terlenggok, terlenggok-lenggok bergoyang-goyang atau meliuk-liuk (badan, kepala, dll): *sambil bersiul-siul kecil dia melenggok keluar dr kamar itu; kepalanya melenggok-lenggok ke kiri ke kanan*;

melenggok-lenggokkan menjadikan melenggok, menggoyang-goyangkan badan (kepala dll): *penari itu berjalan sambil ~ badannya mengikut irama muzik yg mengiringi tariannya; maka oleh karangan itu ditarahnyalah kepala kanak-kanak itu, maka budak itu pun menangis kepalanya dilenggok-lenggokkannya*;

lenggokan lenggok: *~ badannya memikat hati para penonton*.

lenggon ark; **melenggon** ternganga mulut, melopong (kerana kehairanan): *ia ~ di muka tangga.*

lengguak sj burung, *Treron curvirestra.*

lenggun 1. sj tumbuhan (pokok), lebar, *Vitex negundo*; 2. sj tumbuhan (pokok), mata ayam (kucing), sirih puyuh, *Ardnia crispa*; ~ bulan sj tumbuhan (pokok renek), lada-lada, lelada, *Ervatamia malaccensis*; ~ bunga sj tumbuhan (pokok), bunga merjagung, jenjagung, mepagar, mertajung, pagar anak betina, pagar anak hitam, pagar anak merah, sangkan merah, *Ixoanthes icosandran*; ~ pasir sj tumbuhan (herba atau pokok renek), dilam, nilam jantan, kesum bukit, *Hemisgraphis confinis.*

lenggut Jk; **melenggut** mengangguk-angguk (kerana mengantuk).

lengit I kalah teruk (dlm permainan), tewas: *Hasan bermain gasing dgn Husain, Hasan ~ memusing sahaja, lalu menangis.*

lengit II Jk cerdik, pintar.

lengit III sj penyakit; *pucat lesi bagai ayam*

kena ~ prb keadaan seseorang yg lemah dan pucat kerana menghidap penyakit.

lengkai Mn lampai.

lengkanas Mn = *si* ~ orang yg suka menghasut atau mengkhianat.

lengkang ark terbuka lebar (bulatan spt cincin dll), menjadi besar lengkungnya;

melengkang sl melangkah.

lengkang (léngkang) lilitan (cermin mata dll), simpai bulat: *kanta mata itu lembut dan kenyal dan dikelilingi oleh satu ~ otot.*

lengkap 1. genap, tidak ada yg kurang: *lingkaran yg ~*; 2. sedia dgn alat senjata dll, cukup, sempurna: *aku lihat di sana sini orang Jepun ~ dgn alat senjatanya;*

selengkap (dgn) sepenuh atau secukup (pakaian dll): *Kasim menceritakan kisah Dolah ~nya;*

berlengkap 1. bersiap sedia (dgn apa-apa yg perlu): *maka Demang Lebar Daun pun ~ hendak memandikan Sang SaPurba;*

2. = **berlengkapkan** telah disediakan atau dipersiapkan dgn: *dgn ~ pengetahuan ini orang Belanda telah sanggup menduga laut di Timur;*

melengkapi 1. menokok tambah supaya lengkap: *pengantin itu dilengkapi seperti nya;* 2. mempersiapkan, memperalati (dgn senjata dll) supaya lengkap: *kilang itu dilengkapi jentera-jentera moden;*

melengkapkan menjadikan lengkap, mencukupkan, menyempurnakan: *lengkapkan semua gajah dan kuda; aku serba kekurangan utk ~ engkau sbg seorang isteri yg sempurna;*

memperlengkap menjadikan lebih lengkap;

kelengkapan 1. perihal lengkap, kegenapan: *pengetahuan bahasa Inggeris ialah satu ~ hidup di bawah kerajaan Inggeris;* 2. sesuatu yg telah dilengkapkan (angkatan tentera dll): *maka tukang kesaktian itu pun lalu mengadap tuanku Malim Deman laki isteri persembahan sudah siap ~ itu sekaliannya;* 3. = ~ kapal sl angkatan laut; 4. peralatan, perkakas: *~ memasak; ~ rumah;*

berkelengkapan mempunyai kelengkapan;

perlengkapan alat (perkakas dll) yg digunakan utk melengkapkan sesuatu: *barang-barang yg diberikan itu terdiri drpd sepasang pakaian dan ~ bersolek;*

pelengkapan perihal melengkapi (melengkapkan, memperlengkap): *ia juga berguna kpd pelajar-pelajar menengah atas dan institusi pengajian tinggi sbg bacaan tambahan dan ~ kpd pembelajaran mengenai teori-teori ekonomi;*

pelengkap 1. sesuatu yg digunakan utk melengkapi (melengkapkan); 2. (Lin) kata yg menerangkan kata kerja dll; 3. yg melengkapkan: *badan manusia mempunyai anggota utama dan anggota ~.*

lengkar (léngkar); ~ *karang* sj ikan laut, ikan bayan, *Cheilinus fasciatus*.

lengkara I sl sesuatu yg tidak munasabah, mustahil.

lengkara II sl gendang besar, tabuh, nekara.

lengkas I ark pantas, cergas; □ **langkas I**.

lengkas II gugur kerana masak (bkn buah-buahan); □ **langkas II**.

lengkeng (léngkéng) sj tumbuhan (pokok dan buahnya), laici, *Nephelium litchi*; **kelengkeng III**.

lengkesa (lengkésa) Mn ark; **berlengkesa** menjadi kurang, susut.

lengket I (léngkét) = **melengket**, **berlengket** lekat, melekat erat-erat, melekap, merekat: *tapak kakinya tebal dgn lumpur yg ~;*
melengketkan melekatkan, melekapkan, merekatkan;
terlengket terlekat.

lengket-lengket (léngkét-léngkét) Jk sj tumbuhan (pokok renek), *Clitorea laurifolia*.

lengkiak sj semut besar, kiak-kiak.

lengkian sj tumbuhan (pokok memanjat), larak kucing, *Oxymitra latifolia*.

lengkiang Mn sj kepuk kecil.

lengking bunyi spt bunyi besi dipukul, bunyi yg kuat: *sebanyak desus dan ~ kereta api sebanyak itu pula debar jantung Poniem;*
melengking berbunyi dgn kuat (bunyi besi dipukul, orang menjerit, dll): *sebentar kemudian terdengar benda jatuh dan berikutnya ~ pula suara jeritan seorang perempuan;*

lengkingan suara atau bunyi melengking (jeritan dll): *bunyi ~ kapak sayup-sayup terdengar dr pondokku; tiada kedengaran ~ anak-anak muda yg bergumal.*

lengkitang Mn sj siput yg boleh dimakan; *bagai gulai ~ prb perihal orang yg mahu menebus kejahatan diri tetapi kebaikan dirinya pula yg turut hilang.*

lengkok (léngkok) bahagian sesuatu (garisan, jalan, sungai, dsb) yg bengkok (berkelok), kelok, keluk, selekoh (bkn jalan);

berlengkok mempunyai lengkok, berbelok, berkelok, berkeluk, berselekoh (jalan, sungai, dll);

melengkok menjadi bengkok, membelok, mengelok, menyelekoh.

lengkong (léngkong) **I** 1. agar-agar; 2. cincau.

lengkong (léngkong) **II** Jw pantai yg berkeluk, teluk.

lengkua sj burung, bakuk, punai berkuk, punai berkuk lengguak, punai lengguak, *Butreron capellei magnirostris.*

lengkuas sj tumbuhan (rizom), *Alpinia galanga*; ~ ranting sj tumbuhan, (rizom), *Alpinia melanocarpa (conchigera)*; ~ *di tepi kandang, tegak puas badan menyandang prb kesalahan yg kita lakukan kita jugalah yg menanggung akibatnya.*

lengkuk lengkok, lengkung.

lengkung **I** lengkok, kelok, berkelok atau berlengkok: ~ *pintu gerbang itu diperbuat drpd buluh;*

melengkung, terlengkung berkelok spt bahagian drpd sesuatu bulatan, membengkok: *misainya diputar-putarkan juga semakin tajam dan semakin ~ ke atas;*

melengkungi melingkungi, mengelilingi: *balai itu dilengkungi oleh pagar dawai berduri;*

melengkungkan mengelokkan (garisan, dawai, dll), membengkokkan: *siapa pula yg sanggup ~ batang besi yg sebesar itu;*

lengkungan 1. tempat (pd garisan, besi, dawai, dll) yg melengkung: ~ *pelangi yg saya lihat itu pendek sahaja; ~ yg terdapat pd dawai itu tidak mudah diluruskan;* 2. = **pelengkung** sesuatu (perhiasan, pintu gerbang, dll) yg bentuknya melengkung; **kelengkungan** keadaan melengkung;

pelengkungan perihal (proses atau perbuatan) melengkung atau melengkungkan: *proses pelenturan, ~ dan peretakan kerak bumi.*

lengkung II bunyi spt bunyi benda keras dipalu, dengkung;

lengkung-lengkung bunyi dengkung yg bertalu-talu.

lengkur ark dengkur;

melengkur mendengkur atau berdengkur (ketika tidur).

lengos (léngos); **melengos** Jw memaling muka dgn sengaja (kerana menyampah atau benci melihat): *Tijah ~ sambil merungut.*

lengsan (léngsan) tidak dapat dipercayai, tidak dapat diharap: *orang haiwan hatinya ~ tidak boleh diharap satu kerjaan.*

lengseng (léngseng, léngséng) bp 1. bersyarah; 2. syarahan, ceramah.

lengser (léngsér) 1. = **melengser** turun atau condong (matahari dll), melungsur ke bawah (pakaian dll), meluncur, tergelincir: *dia memandang matahari yg ketika itu telah ~ ke barat;* 2. melumur atau menyapu sesuatu pd (cat atau kapur pd dinding dll).

lengset (léngsét); **belengset** terlipat keluar kelopak mata (kerana penyakit).

lenguai Br sj tepak sirih yg bulat (diperbuat drpd kuningin).

lenguh I bunyi lembu;

melenguh mengeluarkan bunyi lenguh (spt lembu, rusa),
menguak: ~ *lembu di padang, sambut menguak kerbau di kandang.*

lenguh II lemah anggota (terutama tangan dan kaki kerana mengangkat benda berat, berjalan terlalu jauh, dsb): *kakinya terasa ~ kerana berjalan agak jauh sedikit tadi;*

lenguh-lenguh lenguh di sana sini (tangan, kaki);

melenguh termengap-mengap kerana keletihan, termengah-mengah;

melenguhkan menyebabkan terasa lenguh;

kelenguhan perihal lenguh: *dua tiga cetusan kapak ~ telah mdatang semula.*

lengung I; melengung (duduk) termenung (kerana memikirkan atau mengenangkan sesuatu dll), bermenung: *sejak pagi tadi dia duduk ~ sahaja; mungkin pasal itu banyak Pak Aji dan Pak Lebai yg jadi kaki ~ di kedai kopi.*

lengung II Mn; melengung 1. memandang, menoleh: *Hajah Bedah ~ melihat Karim;* **2.** melawat (orang mati).

lening bunyi spt bunyi loceng kecil.

Leninisme (léninisme) prinsip dan dasar yg didukung oleh Lenin.

lenis (lénis) (Lin) konsonan yg dihasilkan dgn otot yg kendur, mis bunyi konsonan /d/ dan /g/.

lenja I; melenja berbuat sesuatu yg kurang sopan.

lenja II; melenja meleleh (bkn air liur);

melenjakan melelehkan (air liur): *renungannya pd tanganku yg tertikam paku payung karat itu, sampai ~ air liurnya spt memperli.*

lenja III ark 1. sj gelang-gelang atau simpai tempat menggantung barang (lampu dll); **2.** tempat meletakkan benda yg hendak dikandar.

lenjan Jh lasak.

lenjing Jk antan, alu.

lenjuang 1. sj tumbuhan (pokok), anjiluang, *Cordyline terminalis*; **2.** = ~
bukit sj tumbuhan (herba), jenuang, juang-juang, senjuang,
Dracanea congesta.

lenjum Pr basah kuyup.

lenong I (lénong) Mn; **berlenong-lenong** berputar-putar, berpusing-
pusing.

lenong II (lénong) Jk sj permainan pentas.

lensa (lénsa) kanta.

lenser (lénsér); **melenserkan** menyapu sesuatu pd: *Aminah ~ mentega di
sekeliling mangkuk puding*.

lensing; melensing berbunyi nyaring, berbunyi mendenging: *suatu
jeritan halus ~*.

lenso (lénso) (Ambon, Manado) sapu tangan.

lentam; ~-*lentum* bunyi spt bunyi meriam, bunyi yg kuat, dentam-
dentum.

lentang bunyi spt bunyi tin dipukul; ~-*lentung* bunyi kuat spt bunyi tin
dipukul berulang-ulang, bunyi berdentang-dentang.

lentang (léntang); ~-*lentok* terkulai lemah, tidak tegak, melentok.

lente (lénté); **melente** berjalan-jalan dgn tiada tentu haluan.

lenteng (lénténg) ark; *jalak* ~ a) cantik, indah; b) sebuah lagu Melayu.

lentera (lentéra) lampu (yg bertutup dgn kaca dll): *malam itu gelap-
gelita, jalan di situ tidak berlentera spt ~ di kota-kota besar; ~
laut* rumah api (yg dipasang di pantai atau di laut).

lentik = **melentik 1.** melengkung ke atas atau ke belakang (bulu mata
dll): *wajahnya yg bujur sirih itu dihiasi alis yg melentik wilis*; **2.**
lekuk ke atas pd hujungnya (haluan perahu dll);

melentikkan menjadikan sesuatu lentik, melengkungkan sesuatu supaya jadi lentik; ~ *jari* = *melentik jari* a) melengkungkan jari supaya lentik; b) ki malas membuat kerja berat;

melentik-lentikkan melentikkan berulang kali: *sambil menangis, budak itu meronta-ronta dan ~ badannya*;

pelentik alat yg digunakan utk melentikkan sesuatu: *gunakan alat ~ bulu mata yg selamat*.

lentik (léntik) (Bio) berkaitan dgn atau mendiami air tawar yg tenang: *fauna ~*.

lentil (léntil) sj tumbuhan kekacang yg menghasilkan biji yg boleh dimakan, *Lens culinaris*.

lenting I; melenting 1. membingkas balik (rotan dll), menganjal; **2.** bergerak (melompat dll) dgn cepat dan pantas: *perempuan itu tiba-tiba ~ dgn muka macam bunga raya*; **3.** melentur atau bergelung (spt daun kering, keropok digoreng, dll); **4.** ki naik marah dgn segera (apabila disoal, dikritik, dsb): *Hasan ~ apabila ditegur oleh kawan-kawannya*;

melenting-lenting bergerak (melompat, meloncat dsb) dgn cepat berulang kali: *ulat-ulat itu masih hidup dan ~ di dlm tong sampah*;

melentingkan menyebabkan melenting: *kelemahan utama gaya ini ialah kecenderungan atlet utk ~ badan mereka terlalu awal; ~ batu kerikil dan lumpur ke belakang*;

lentingan gerakan atau hasil melenting, lonjakan: *tiba-tiba sahaja bagai ~ sang api, dia menuruni anak-anak tangga rumah itu*;

pelenting; kekuatan ~ Id kekuatan menganjal.

lenting II bunyi denting (spt bunyi duit syiling jatuh ke lantai dll);

berlenting, melenting berbunyi spt bunyi duit syiling jatuh ke lantai, berdenting.

lentisel (léntisé) (Bio) liang-liang pd batang tumbuh-tumbuhan berkayu yg melaluinya berlaku pertukaran gas antara atmosfera dan tisu-tisu batang.

lento (lénto) (Muz) muzik yg dimainkan dgn tempo yg perlahan.

lentok; (léntok); **melentok, terlentok** terkulai (ke bawah atau ke sisi), terkelepai (ke bawah), miring (kerana lemah dsb): *api di hujung jamungnya juga melentok-lentok macam telinga arnab kegelian; Ahmad yg duduk terlentok di atas bangku mengeluh;*

melentokkan membongkokkan atau mengelokkan (badan dll), menjadikan terkulai: *Madhubala ~ kepalanya utk melepaskan rambutnya;*

melentok-lentokkan melentokkan beberapa atau berulang kali: *dia bersuara semula sambil ~ kepalanya;*

lentokan gerakan (hasil) melentok: *dia mengajak kawannya meninggalkan kawasan perkuburan itu dgn isyarat ~ kepala; hatinya terpesona dgn ~ pohon-pohon padi yg kuning keemasan disinari mentari petang.*

lentong (Sunda) ark tekanan suara (pd kata atau suku kata), sebutan yg tinggi rendah pd tempat-tempat yg tertentu.

lentuk = **melentuk** melentur atau mudah dilenturkan (rotan dll);

melentukkan melenturkan (rotan dll), mengelokkan.

lentul; melentul berasa kosong (kempis) perut kerana lapar.

lentum bunyi spt bunyi meriam dll, dentum; *~lentam* bunyi spt bunyi meriam yg berulang-ulang.

lentung I bunyi spt bunyi kelentung (loceng dll); *~lentang* = *lentang-~* bunyi spt bunyi orang bertukang dll, bunyi berdentang;

melentung berbunyi spt bunyi kelentung;

lentungan bunyi melentung: *di bawah keriang-keriut dan ~ roda pedati.*

lentung II Mn; **melentung** menyentuh atau menyinggung (tin, orang, dll);

terlentung tersentuh atau terhantuk.

lentur 1. bengkok atau kelok (pd barang yg melengkung), lengkok; **2.** Id perubahan arah (sinaran cahaya yg masuk ke dlm air dll), bias;

melentur 1. membengkok atau melengkung (spt julai batang buluh, ampaian kain yg tidak tegang, dll), kendur: *dawai itu menjadi panas dan mengembang panjang dan ~*; **2.** boleh (mudah) dilengkungkan atau dilentokkan tetapi tidak mudah patah (tali, dawai, dll);

melenturkan menjadikan bengkok atau berkelok, menjadikan melentur, membengkokkan, melengkungkan: *rebung apabila telah menjadi aur, payah hendak dilenturkan lagi; budak-budak umpama rebung, boleh dilenturkan dan dibentuk; lemah liat kayu akar, dilenturkan boleh, dipatah tak dapat prb orang yg berakal itu nampaknya menurut kehendak orang, tetapi tidak dapat dibodohkan;*

terlentur telah melentur, menjadi melentur: *beberapa batang anak pisang berhampiran dgn rumah saya ~ kerana ditimpa hujan lebat semalam;*

lenturan 1. perihal lentur; **2.** benda yg melentur atau melengkung (spt buluh pd pintu gerbang dll);

kelenturan perihal (keadaan, keupayaan, dsb) melentur: *besi, umpamanya, digunakan dgn meluas utk membina bermacam-macam peralatan yg memerlukan kekuatan dan ~;*

pelenturan perihal (proses atau perbuatan) melenturkan;

pelentur benda atau alat yg digunakan utk melenturkan: *ada kalanya batu besar digunakan sbg ~ dahan-dahan pokok itu.*

lenung bunyi spt bunyi loceng dll.

lenyai Mn lemah, lembik.

lenyak lena tidur, nyenyak: *ayahnya sedang tidur ~*.

lenyap **1.** tidak kelihatan lagi, ghaib, hilang: *maka jurumudi anak orang Pulau Laut sudah ~ tidak ternampak lagi; maka ia berjalan ke darat lalu ~*; **2.** lena (tidur), nyenyak: *~ benar budak Ibrahim itu tidur*; **3.** sl jatuh hati, kasih: *maka apabila dilihat oleh si Kembang Cina akan keelokan Awang Sulung Merah Muda yg teramat sangat itu ~lah ia kepadanya; ~ daratan hilang akal, lupa akan dirinya*;

melenyap menjadi lenyap: *ia umpama kunang-kunang yg timbul sekali-sekala dan kemudian ~ dan dilupakan*;

melenyapkan menghilangkan, memusnahkan, merosakkan: *ia berasa bimbang agama Islam akan ~ kekuasaannya yg besar itu; ~ angan-angan*;

kelenyapan perihal lenyap, kehilangan, kemusnahan;

pelenyapan perihal (proses) melenyapkan sesuatu, penghapusan, penghilangan.

lenyeh (lényéh); **melenyeh** menguli atau mengadun (tepung dll).

lenyek (lényék); **melenyek** menekan-nekan atau meramas-ramas hingga lumat: *dia ~ pisang-pisang itu sehingga hancur*.

lenyet (lényét) ark lunak dan berair (bkn buah yg terlalu masak dll).

Leo (léo) lambang kelima dlm zodiak, yg berlambangkan singa.

leotard (léotard) sj pakaian sendat yg dipakai oleh penari balet, akrobat dsb.

lepa bp lalai, alpa.

lepa (lépa) I campuran simen dan pasir serta kapur dll utk menurap (dinding dll);

berlepa berturap (dgn batu dll): *lorong masuk ke rumahnya ~ dgn batu*;

melepa menyapu dgn lepa, menempel (tembok dll) dgn lepa, menurap: *jika hendak dilepa dgn minyak tar pun rasanya tentulah lambat lagi.*

lepa (lépa) **II** ark; **terlepa 1.** terlentang (kerana terlalu letih), terbaring; **2.** terlalu labuh (kain perempuan, jubah, dll), tersangat labuh: *janggut terlipat hingga ke riba, jubah ~ hingga ke kaki.*

lepa (lépa) **III**; *perahu ~ = lepa-lepa* sj perahu kecil (dibuat drpd sebatang kayu) yg biasanya mempunyai caduk.

lepai (lépai) Mn hampir lumpuh (kaki), lemah.

lepak I; **melepak** putih betul (spt kapas dibusur), sangat putih: *kulitnya putih ~*; **jelepak.**

lepak II bunyi spt bunyi barang jatuh ke tanah (orang bertumbuk dll); *~lepuk* bunyi lepak yg berulang-ulang (buah yg gugur, orang bertumbuk, dll);

melepak bp memukul (dgn telapak tangan): *kali ini dia ~ pahanya yg digigit nyamuk.*

lepak (lépak); *budaya (tabiat) ~ amalan* negatif di kalangan masyarakat, spt di kalangan remaja yg menghabiskan masa dgn duduk-duduk tanpa melakukan kegiatan yg berfaedah: *budaya ~ yg pd peringkat awalnya dilakukan oleh kutu-kutu jalan telah dikuti oleh remaja;*

melepak 1. dlm keadaan terlalu letih, melepek; **2.** berbuat sesuatu yg tidak mendatangkan faedah (spt duduk-duduk di kompleks membeli-belah tanpa tujuan, berbual-bual kosong, dll): *pd prinsipnya, remaja yg suka ~ itu merupakan mereka yg tidak mempunyai pekerjaan.*

lepa-lepa pangkal umbut.

lepan NS tanah lembah (tanah rata) yg sesuai utk sawah tetapi tidak diusahakan.

lejang sj tumbuhan (herba memanjat), *Bauhinia spp.*

lepas I; terlepas tertumus ke tanah (muka), jatuh tersembam.

lepas II sj perahu kecil yg leper lunasnya.

lepar 1. selusur (tangga dll); **2.** penahan, penopang; ~ *kajang* tulang bumbung bagi atap kajang.

lepar (lépar) IB ark; **melepar** bp menyerahkan (barang-barang yg dipesan dll).

lepas 1. tidak terikat lagi, tidak mempunyai pertalian (perhubungan, sangkut paut) lagi, bebas: *apa bicara Bendahara kerana segala rantau barat ~lah drpd kita; ia tidak ~ drpd memikirkan kekasihnya; 2.* lari atau bebas (drpd kurungan, penjara, tahanan, dsb), lucut (drpd ikatan dll): *ia meronta-ronta dan menghempas-hempas tetapi tidak juga ~; 3.* ki bebas (drpd sesuatu yg menyulitkan, menyekat atau membatasi dsb): *mereka tidak ~ drpd menghadapi pancaroba kehidupan; 4.* tertinggal di belakang (tempat dll), telah lalu atau lewat (tempat, hari, dll): *setelah sampai ke kuala ~ alangan maka belayarlh ia; semenjak minggu yg ~ ia telah membawa suatu perubahan baru kpd diri gadis itu; 5.* (se)sudah, setelah selesai atau habis: ~ *sembahyang zohor, boleh kita berjalan-jalan; ada selangnya sebulan ~ menabalkan anakanda baginda itu, maka baginda pun geringlah terlalu sangat; 6.* bp lahir (bayi): *hingga sampailah tujuh hari tujuh malam tidak juga ~ budak; 7.* Pr, bp ada juga, boleh (juga), cukup juga (makanan, belanja, dll): *belanja anak-beranak utk bulan ini ~lah;*

~ *angin* sia-sia sahaja; ~ *ayam* (burung, unggas) a) bebas sungguh, boleh melakukan sesuka hati; b) telah dimerdekakan (hamba abdi dll); ~ *bebas* bebas benar-benar; ~ *diri* a) tidak melibatkan diri dlm sesuatu hal; b) tidak mahu bertanggungjawab atau mengambil tahu mengenai sesuatu hal; ~ *idah* sesudah waktu idah; ~ *ijazah* selepas

memperoleh ijazah sarjana muda (bkn pengajian, penyelidikan dsb): *kursus ~ ijazah*; *~ laku* bebas melakukan sesuatu dgn tidak segan-segan lagi; *~ lelas* bebas sama sekali; *~ malu* sudah dikhatankan (anak lelaki); *~ nafas* menghembuskan nafas keluar perlahan-lahan; *~ pantang* masa sesudah waktu pantang; *~ puasa* setelah selesai berpuasa; *~ sekolah* sesudah bersekolah; *~ tangan* a) tidak berpegang (pd kemudi, selusur, dll); b) tidak masuk campur dlm sesuatu hal; c) tidak ada tambahan lain (di luar gaji atau upah), upah (gaji) semata-mata; *~ ungu* pancaran cahaya yg tidak nampak dlm spektrum (selepas pancaran cahaya ungu);

selepas sesudah, setelah sudah, setelah selesai: *tiada berapa lama ~ bersalin, si Helang Bakau dan suaminya serta pengikutnya pergi memukat*;

selepas-lepas sehabis-habis (jauh, kuat, dll), sejauh-jauh, sekuat-kuat: *~ seluang melaut*; *~ tupai melompat*;

berlepas **1.** tidak terikat lagi, tidak bersangkut-paut lagi; **2.** pergi, berangkat: *aku menaiki kereta sewa dan ~ ke Dungun*; **3.** sl menyelamatkan, membebaskan: *maka segala orang Kujai pun masuklah beramuk dgn orang Campa, setengah ~ anak bini setengah melawan*; **4.** = *~ diri* mengasingkan diri, tidak melibatkan diri: *kalau awak terkena satu-satu hal kelak, saya akan ~ diri kerana saya tidak sanggup mendukung biawak hidup*; *~ hati* berpuas hati; *~ lelah* berhenti seketika utk menghilangkan lelah; *~ tangan* a) tidak berpegang pd selusur dll; b) tidak ambil peduli;

melepas **1.** bp hampa (kerana tidak tercapai maksud), kecewa (kerana tidak sampai hajat): *kalau orang lain pergi dahulu tentulah habis dipapasnya, kita ~ sahaja*; **2.** Pn berbohong, tidak bercakap betul, berdalih; **3.** bp mengeluarkan angin melalui pelepasan, kentut; **4.** bp buang air besar;

melepasi 1. menebus atau membayar (niat, hutang, dll); ~ *hutang* membayar (melunaskan) hutang; ~ *malu* Mn menebus malu (mengahwinkan anak kewanakan); **2.** mencukupi, memadai, berpadan dgn: *sedang upah sawah itu kadang-kadang sama dgn kehasilan yg diperdapat, bahkan kadang-kadang rugi, dan kadang-kadang tidak ~ belanja;*

melepaskan 1. membiarkan lepas, membebaskan (drpd kurungan, penjara, dll), menjadikan tidak terikat lagi: *ia ~ budak itu drpd pegangannya;* **2.** menghilangkan (letih, jerih, dll): *ia berbaring-barang ~ jerihnya; mereka terus masuk ke kedai makan yg berhampiran utk ~ dahaga;* **3.** tidak menyekat-nyekat, membiarkan keluar (perasaan dll); mengeluarkan, membiarkan keluar (perasaan dll): *racun kulat tersebut ~ hidrogen disulfida; dia ~ senyuman kpd Noor Hamidah; serdadu itu pun ~ suatu penumbuk ke pangkal telinganya; Datuk Ujang menyedut cerutnya lama-lama kemudian ~ asapnya;* **4.** tidak menghalang, membenarkan atau mengizinkan (pergi, berangkat, dsb), merelakan: *dia ~ anaknya pergi dgn hati yg rela;* **5.** menceraikan (isteri): *kalau Sharifah Aini dilepaskannya mungkin anak-anak muda itu berjaya mengetuk pintu hatinya;* **6.** memberikan (sesuatu yg dipegang atau disandang kpd seseorang lain), menyerahkan (dgn kehendak sendiri): *Perdana Menteri mungkin akan ~ jawatan Menteri Hal-Ehwal Luar kpd seorang menteri lain;* **7.** menguraikan (rambut dsb), tidak mengikat dsb: *saya gemar ~ rambut saya menggerbang tetapi biar kelihatan sedikit ikal;* **8.** menghantar (orang belayar, berangkat, berjalan, dll): *dia sendiri pergi ke stesen utk ~ anaknya berangkat; ~ mayat ke kubur;* **9.** membuang, memecat, memberhentikan: *dlm zaman meleset, banyak pekerja yg dilepaskan;*

~ *angan-angan* mengerjakan segala sesuatu yg diinginkan; ~ *cinta kasihnya* (*rindunya, isi hatinya*) kpd mencurahkan cinta kasihnya kpd; ~ *dendam* a) membalas dendam; b) menghilangkan perasaan rindu (*dendam*) pd seseorang; ~ *diri* melarikan diri, membebaskan diri; ~ *hati* memuaskan hati; ~ *jiwa* (*nyawa*) a) menyelamatkan drpd bahaya maut; b) = ~ *napas* yg akhir mati; ~ *kritikan* (*kecaman, serangan, tuduhan, dll*) melancarkan kritikan, (*kecaman dll*); ~ *layang-layang* menaikkan layang-layang; ~ *malu* mengkhatakan; ~ *marah* (*nafsu, kehendak*) tidak menahan marahnya (*nafsunya, kehendaknya*); ~ *niat* (*nazar, kaul*) membayar atau menunaikan niat (*nazar, kaul*); ~ *niatnya* (*harapannya, maksudnya, tuntutannya, dll*) membuang atau meninggalkan niatnya (*harapannya, maksudnya, dll*); ~ *panah* membiarkan anak panah lepas drpd busurnya; ~ *pandangan* memandang; ~ *tembakan* (*meriam*), menembak, memasang; ~ *tinju* (*pukulan, tikaman, dll*) meninju (*memukul, menikam, dll*); ~ *untung masing-masing* menyelamatkan diri masing-masing;

memperlepas membiarkan lepas, tidak menghalangi;

memperlepaskan sl menjadikan lepas, menyelamatkan:
perlepaskan harta Yang Dipertuan dlm istana itu; bawa juga kita dgn anak isteri kita, perlepaskan oleh kamu ke rumah Bendahara;

terlepas 1. telah lepas atau dilepaskan: *Mawi berfikir tentang perkataannya yg ~ itu; tangannya yg berpaut pd baju Badri itu ~ ke bawah;* 2. tidak ditimpa (dilanda dsb) sesuatu, bebas (drpd sesuatu yg tidak baik): *beliau ~ drpd kelemahan dlm menghujahkan aspek-aspek estetika dlm karya sastera; ~ drpd tetek bengek kebencian;* 3. bp ki terlewat, melebihi (umur dll);

~ *cakap* mengatakan sesuatu dgn tidak sengaja; ~ *perhatian* tidak memberi perhatian kpd sesuatu hal dsb dgn tidak sengaja;

lepasan orang yg tamat drpd sekolah (maktab, universiti, dll), yg telah dilepaskan, tamatan: ~ *Universiti Malaya*; ~ *askar bekas askar*;

kelepasan 1. perihal lepas (bebas), kebebasan; 2. waktu rehat (sekolah dll), cuti, libur: *kurang pukul satu loceng ~ dibunyikan*; *pd hari ~ begini, saya selalu pergi memancing*; 3. kehilangan: *anjing ~ daging*;

perlepasan perihal berlepas;

pelepasan 1. perihal melepaskan: *maka juara pun memadan ayamlah lalu dilepaskan dgn yg dipadan itu dua tiga juga, Raja Chulan tiada menang*; 2. pembuangan, pemecatan; 3. Mn dubur: *lubang ~*; 4. perihal dikecualikan drpd sesuatu (spt membayar cukai dsb): ~ *cukai pendapatan*; 5. jalan keluar utk lari atau bebas drpd sesuatu: *tidak mungkin Amir Hamzah, melalui karyanya, mencari ~ drpd realiti yg menekan keinginan dan kehidupannya*;

pelepas 1. orang yg melepaskan pelumba-pelumba dlm perlumbaan (berlari, berenang, dsb); 2. benda yg digunakan utk melepaskan sesuatu: *hal-hal yg beginilah yg harus dikemukakan oleh sajak, sesuai dgn tugasnya sbg ~ ketegangan perasaan*; 3. = ~ *wang* orang yg membungakan wang (dgn memberi pinjaman, menyimpan di bank, dsb); 4. (wang, makanan, dll) yg diberikan kpd orang-orang yg hendak berjalan atau belayar.

lepat sj penganan (drpd tepung beras, ubi, pisang dll yg dibungkus dgn daun pisang dan dikukus): ~ *pisang*; ~ *ubi kayu*; *bagai (spt) ~ dgn daun* prb sesuai atau padan benar (tidak boleh berpisah).

lepau I 1. sl binaan tambahan pd rumah (di sebelah belakang), serambi dapur; 2. kedai kecil; 3. Pr bangsal atau pondok (biasanya di sawah); 4. Kd bahagian depan rumah.

lepau II Pr hendak, mahu.

lepek (lépék) **I** alas atau lapik (cawan, teko, dll).

lepek (lépék) **II**; **melepek 1.** dlm keadaan sangat letih, terdampar keletihan; **2.** ki duduk menganggur, tidak berpekerjaan.

lepek (lépék) **III** Jk basah kuyup.

lepek (lépék) **IV** Mn; **melepek** menepuk perlahan-lahan, menepuk-nepuk.

leper Id □ **lepar.**

leper (lépér) **I** tidak jeluk (piring, pinggan, dll), ceper, dangkal, pipih, rata;

meleper menjadi leper;

meleperkan menjadikan leper, memipihkan: *zink tong minyak yg berkarat sudah dileperkan tetapi masih kemik di sana sini.*

leper (lépér) **II** sebutan (lafaz) perkataan yg tidak tepat, pelat, telor.

leperi (léperi) Id, bp pengadil (dlm permainan).

lepet (lépét); **melepet 1.** melipat (lengan baju dll); **2.** membengkokkan (paku dll);

kelepet lipatan (pd baju dll).

lepih terlipat pd tepi (tikar, seperah, dll);

melepih melipat tepi (tikar, sapu tangan, dll).

lepih bunyi spt bunyi barang ringan jatuh ke lantai.

lepit Jk; **melepit** melipat, melepet; □ **lepet.**

lepoh (lépoh) **I** Mn; **melepoh** melepa atau menyapu (dgn simen dll), menurap.

lepoh (lépoh) **II**; **terlepoh** bengkok (kaki, tangan, dll), jatuh meringkuk, tergeliat;

melepoh menjadikan bengkok, membengkokkan, menggeliatkan: *telutuh dilepoh-lepoh.*

lepot (lépot) **I** kurang cergas, lemah, lembap.

lepot (lépot) II Jk; **berlepotan** berlumur (dgn lumpur), bergelumang (dgn lumpur);

melepoti mengotori, mencemari.

lepoteng (lepoténg) KI berjalan dgn tidak tentu tujuan, menganggur.

lepra (lépra) IB sakit kusta (pd peringkat permulaan), bodok.

leprologi (léprologi) kajian tentang penyakit kusta.

leptospirosis (léptospirosis) (Ubat) sj penyakit berjangkit yg disebabkan oleh bakteria *Leptospira* yg menular kpd manusia melalui binatang spt anjing, babi, tikus, arnab dan tupai, atau melalui penggunaan air yg tercemar olehnya.

lepu sj ikan laut, depu, gedempu, *Pterois russelii*.

lepuh bengkak berair, menggelembung (kulit berisi air kerana terlalu hangat, bergesel, dsb);

melepuh menjadi lepuh, melecet, melecet: *kulitnya ~ kena api; sedang rebung baik dipatah, jadi buluh ~ jari prb masa kecillah diajar dan dididik jangan tunggu hingga besar;*

melepuhkan menjadikan melepuh.

lepuh bunyi spt bunyi orang bertepuk tangan, bunyi yg lebih besar drpd bunyi lepak; *~-lepak bunyi lepuh yg berulang-ulang: kemudian aku dengar juga ~-lepak bunyi lembu kena pukul;*

melepuhkan memukul, menampar; □ **lapuk II**.

lepong bunyi spt bunyi tong dipukul (gendang dipalu, bola pecah, dll).

lepur I; *mati ~ mati terbenam dlm lumpur.*

lepur II; **melepur** menyerang dgn sayap (ayam ketika bersabung): *sekali dua sahaja dilepur oleh si Jalak Berapit, ayam lawannya itu pun terkiuk menggelupur ataupun lari.*

lepus; **berlepus** berbunyi spt bunyi angin keluar (dgn keras).

lerah I; **terlerah** gugur (drpd tangkai, ikatan, dll), luruh, terlerai.

lerah II Kl; **melerah** mengikis, menyapu bersih, mencangkul (rumpun dll).

lerai; meleraikan 1. menceraikan, memisahkan (orang berkelahi dll): *Cikgu Majid berkejar keluar hendak ~ budak yg sedang bertumbuk; penyakit jiwa susah hendak dileraikan drpd batin seseorang; 2.* ki menjauhkan, menghindarkan (penyakit dll): *ubat ini akan ~ penyakit selesema;*

berlerai tidak bersambung (bersatu, berangkai-rangkai dsb) lagi: *seminggu sudah berlalu, aku terasa bagai kalung mutiara yg putus ~;*

terlerai dipisahkan atau diceraikan, tercerai, tersisih: *cintaku telah ~; tidak ~ dgn janjang prb perihal tidak dapat diceraikan (orang yg berkasih-kasih dll);*

peleraian proses meleraikan sesuatu: *~ masalah;*

peleraian 1. orang yg meleraikan (orang berkelahi dll), benda (ubat dll) yg menghindarkan penyakit dll: *dipadankan sahaja rambut itu akan dijadikan tangkal dan azimat, dijadikan ubat jerih ~ demam;*
2. (alat) utk memisahkan biji drpd tangkai: *jentera ~ lada hitam; ~ demam* a) ubat yg menyembuhkan penyakit; b) ki anak atau kekasih.

lerak I tercerai (perkakas, rumah, tentera, dll), pecah (rosak) berkecai, berceraai-berai;

melerakkan memecahkan (hingga berceraai-berai), menceraikan, merombakkan.

lerak II; *buah ~ sj tumbuhan (pokok dan buahnya), buah sabun, buah lemuran, Sapindus rarak.*

leram bunyi spt bunyi gendang besar (guruh, harimau, dll), deram.

lerang bunyi spt bunyi tambur (gendang, rantai besi jatuh, dll), derang.

lerang (lérang) I jalur pd tenunan kain.

lerang (lérang) **II** ark setengah hari pelayaran.

lerang (lérang) **III** Kd bahagian tandan kelapa tempat bergantung buah atau putik.

lerang-lerang (lérang-lérang) sj usungan.

lerap bunyi spt bunyi orang berjalan (berkawat dll), derap.

lerap (lérap) ark; *main ~ = pusing ~* sj permainan judi dgn memutar wang dan meneka sebelah mana yg di atas.

lerat (lérat) Kl curah, buang.

lereh (léréh) Kl; *orang ~* orang yg tidak tetap pd sesuatu pekerjaan (atau di sesuatu tempat).

lerek (lérék) **I 1.** sj tumbuhan (herba), *Phrynium malaccense*; **2.** sj tumbuhan (herba), *Stachyphrynium jagorianum*.

lerek (lérék) **II** □ **leret II.**

lereng (léréng) **I 1.** permukaan yg di sekeliling barang yg pipih bulat (roda dll); *kereta ~ basikal; beca ~ tiga beca roda tiga*; **2.** permukaan bukit yg senget (miring), sisi gunung: *ke ~ gunung itulah anak-anak muda di kampung Hulu Kelang mencari rotan dan atap*;

lereng-lereng roda kecil pd kaki katil (meja dll);

berlereng ark menaiki basikal, berbasikal;

melereng 1. berputar atau berpusing (roda dll); **2.** senget (tanah dll), landai, miring;

lerengan tanah yg melereng (biasanya pd bukit, gunung, dll): *mereka telah beberapa kali berpindah-randah dr satu ~ bukit ke ~ bukit yg lain*.

lereng (léréng) **II** Jw corak yg menyerong (pd kain).

lerer (léré) Kl cuai.

leret (lérét) **I** = **leretan** banjar, baris, barisan, jajaran: *itulah leretan Bukit Seguntang spt yg tersebut dlm Sejarah Melayu itu; di hadapan rumahnya terdapat beberapa ~ pokok rambutan lekang;*
berleret, berleret-leret berbaris, berbanjar: *aku merayap ke depan dan ke belakang motokar yg ~ itu;*

meleretkan mengatutkan berbaris, membariskan, membanjarkan.

leret (lérét) **II; berleret, berleret-leret 1.** = **meleret** panjang sungguh (tali, kain, dll), labuh sangat: *dipakai jubah kasa halus, jubah meleret sampai ke kaki;* **2.** = **meleret, meleret-leret** berpanjang-panjang (perbualan, percakapan, cerita, dll), berjangkit-jangkit: *tidak usahlah saya mengulas panjang lebar sehingga meleret-leret lagi;*

meleret 1. berleret; **2.** memanjang, melebar: *di bibirnya ~ sebuah senyuman yg manis; senyumannya ~ saja;*

meleretkan memberikan (senyuman) yg melebar: *atuk hanya ~ senyuman sambil memandang tepat pd mukaku;*

meleret-leretkan menjadikan (cerita, huraian, dsb) meleret-leret: *sengaja saya ~ misalan 'panca' ini.*

lerik bunyi spt bunyi derak tetapi lebih halus, derik.

lerkuing sj tumbuhan (rumpai), malbar hutan, ruku-ruku, selasih hutan, *Hyptis suaveolens.*

lerleng (lérléng) IB pegawai pelatih (orang yg dlm latihan): *lepas dr sekolah, dia masuk sekolah pelayaran, kemudian jadi ~ atau calon pegawai enam tahun penuh dgn rajinnya.*

leron (léron) Pn berpusing keliling (padang dll).

lerum bunyi spt bunyi guruh yg terdengar sayup-sayup, derum.

les (lés) **I** IB, bp pelajaran.

les (lés) **II** IB senarai, daftar (nama dll).

les (lés) **III** IB pemedang (gambar, cermin, dll), bingkai.

les (lés) **IV** IB tali kekang (pd kuda).

les (lés) **V** bp (kain) renda.

lesa I lemah, lumpuh (tubuh badan dll), layuh: *lemahlah badan, letih dan ~; lasa.*

lesa II Ph sj kemudi (rakit).

lesah I □ **lasah I, lasah II.**

lesah II □ **desah.**

lesak I □ **lasak I.**

lesak II □ **desak II.**

lesak (lésak) = **melesak** di atas tanah, tidak bertiang (rumah): *rumah ~.*

lesan (lésan) Jw sasaran, bulan-bulan, tujuan.

lesang Mn; **melesang** menunggang (kuda, basikal, dll).

lesap tidak ada lagi, hilang, lenyap: *dia ingin tahu sesuatu berkenaan ayahnya yg telah hilang ~ itu;*

melesapkan menghilangkan, melenyapkan: *dia dituduh pecah amanah kerana ~ wang syarikat;*

pelesapan perbuatan melenyapkan (wang, harta, dsb).

lesar bunyi spt bunyi tikar diseret, desar.

lesat Jk; **melesat** tercampak atau terpelanting jauh.

lesau bunyi spt bunyi daun-daun ditimpa hujan dll, desau.

lesbian (lésbian) perempuan yg mempunyai tarikan seksual terhadap kaum

sejenisnya, perempuan homoseksual.

lesbianisme (lésbianisme) perihal hubungan cinta berahi atau hubungan seks sesama perempuan.

leseh (léséh) K1 tidak dalam (lubang), tohor.

lesek (lésék) **I** gesek.

lesek (lésék) **II** Mn lasak.

lesen (lésén) sijil atau dokumen rasmi yg dikeluarkan oleh pihak berkuasa yg memberikan kebenaran kpd seseorang atau sesuatu pihak melakukan atau menggunakan sesuatu: *kerajaan negeri Kelantan akan didesak supaya memberi ~ beca roda tiga kpd orang Melayu sahaja; kedai ~ bp kedai kecil (drpd papan) yg menjaja biasanya barang-barang makanan di tepi jalan;*

berlesen mempunyai lesen, berkebenaran mengerjakan sesuatu (berniaga, melombong, dll);

melesenkan memberi lesen kpd: *syarikat multinasional ~ syarikat asing;*

pelesenan urusan memberi lesen atau meluluskan permohonan lesen: *lembaga ~;*

pelesen; *pegawai ~ pegawai yg mengeluarkan lesen.*

leseng (léseng, léséng) IB, bp ceramah, syarahan.

leser (lésér) I seret, heret;

meleser menarik di atas tanah, menyeret.

leser (lésér) II, **meleser** suka berjalan-jalan dgn tidak tentu tujuan, pelesir: *kalaupun tidak utk ~ mereka ke sana utk mendengar lagu;*

□ **pelesir.**

leset (lését) I; **meleset** tidak tepat, tergelincir, sipi: *sangkaan mereka rupanya ~; ia melangkah begitu terlanjur hingga hampir-hampir ~ pula;*

terpeleset tergelincir; □ **meleset I, peleset.**

leset (lését) II Kl; **meleset** menyapu (cat dll).

lesi, lesih putih pucat (kulit badan dll), putih benar: *apa mulanya maka engkau pucat ~ bagai tiada makan nasi?*

lesin Kd; **melesin** pedas; *pedas ~ pedas benar.*

lesing bunyi spt bunyi tiupan angin (tembakan peluru dll), desing;

melesing 1. berbunyi spt bunyi tiupan angin (tembakan peluru dll); **2.** ki membaling, membuang; **3.** menghayun tangan ke sisi utk memukul bagaikan perbuatan hendak menepis.

lesir I □ **pelesir.**

lesir II; *bermain* ~ bermain pedang (sj tarian dgn menggunakan pedang).

lesir III bunyi spt bunyi tiupan angin (pasir ditiup angin, daun-daun diseret, wap keluar drpd cerek, dll).

lesit I; **melesit** berbunyi spt bunyi keridik (seruling kecil dll).

lesit II; **melesit;** ~ *hidung* menghembuskan hingus: *si Boya menundukkan kepalanya, seraya ~ hidung.*

lesit III; **melesit** (keluar) memancut.

lesit IV; **melesit** menghisap darah (bkn pelesit).

lesitin (lésitin) (Kim) sj bahan bak lemak yg banyak terdapat dlm kuning telur, kacang soya, dll.

lesnar (lésnar) IB sj meja tempat mengalas kitab yg dibaca.

lestaka bahagian pertengahan busur yg tebal.

lestari Jk tidak berubah-ubah, kekal, tetap;

melestarikan menetapkan, mengekalkan: ~ *hutan*;

kelestarian keadaan (hutan, persekitaran, dll) yg tidak berubah atau yg terpelihara spt asal, keaslian: ~ *hutan kita mesti diutamakan*;

pelestarian perlindungan drpd kemusnahan.

lestek (lésték), **lestet** (léstét) Id lastik.

lesterik (lésterik) IB elektrik.

lesterung Jw sj penyakit (barah dlm hidung).

lesu 1. lemah (kerana tidak puas tidur, kurang makan, dsb), tidak cergas, letih: *aku melihat rakyat tani dgn kaki ayam berjalan ~ menuju pondoknya yg buruk; letih ~ letih sekali*; **2.** ki merosot (perniagaan

dll), sepi (perniagaan): *sejak akhir-akhir ini, perniagaannya semakin ~;*

melesukan menyebabkan (badan dsb) menjadi lesu, melemahkan;

kelesuan 1. perihal (keadaan) lesu, keletihan; 2. berasa lesu atau lemah, keletihan: *Zaini yg ~ tidur dgn lenanya.*

lesuk; *~-lesak* bunyi spt bunyi kain keras (yg berkanji dsb) yg direnyuk.

lesung sj alat utk menumbuk (padi, lada, dll), lompong: *yg pekak pembakar meriam, yg buta penghembus ~;*

~ batu lesung yg diperbuat drpd batu (biasanya utk menumbuk sambal); *~ hindik (kaki)* lesung yg diperbuat drpd kayu dan dipijak dgn kaki; *~ kisaran* sj perkakas utk mengisar padi; *~ mata* soket mata; *~ pengemping* lesung tempat menumbuk emping; *~ pinang gobek*; *~ pipit (pipi) = lesung-lesung* lekuk kecil pd pipi, cawak; *~ mencari alu (antan)* prb perempuan mencari lelaki; *ke mana dialih*, *~ berdedak juga* prb pekerjaan yg selalu mendatangkan kerugian atau kesusahan itu walaupun di mana dikerjakan nescaya akan merugikan dan menyusahkan juga; *menumbuk di ~, bertanak di periuk* prb mengerjakan sesuatu hendaklah menurut aturannya; *menumbuk di periuk, bertanak di ~* prb melakukan sesuatu yg menyalahi kebiasaan; *sebuah ~ seekor ayam jantannya (gedangnya)* prb bagi tiap-tiap kaum ada seorang pemimpinya.

lesus berbunyi spt bunyi bisikan orang; □ **desus**.

lesut bunyi spt bunyi sebatan rotan (cemeti dll).

leta I hina atau keji (orang, perbuatan), cacat, cela: *apalah guna hamba yg ~; memberi ~* memberi malu (kpd orang), menghinakan;

meletakan memberi leta, memalukan, mengejikan, menghinakan.

leta II Ph turun warnanya (kain dll), luntur.

letah; *~-letai* ark lemah sungguh (tidak berdaya), lesu.

letai (letai) Mn letih lesu, lemah.

letak duduknya (sesuatu benda dll), kedudukan, tempatnya: *ia membetul-betulkan ~ cawan kopi di atas dulang yg ditatangnya; ~nya bandar Kuala Kangsar tidak berapa jauh dr bandar Taiping;*

meletak Mn menghantar, menaruh, memberi, menempatkan pd; ~ *beras* menjerang nasi; ~ *kata* menyusun kata-kata; ~ *mata* memandang kpd; ~ *nasi* menghidang nasi dll utk menjamu hantu; ~ *tanda* memberi tanda (spt cincin dll) kpd pihak pengantin perempuan;

meletakkan 1. menempatkan (pd), mengenakan (pd), membubuhkan (ubat dll): *dengan segera perempuan itu ~ bungkusan yg dijunjungnya di atas sebuah batu hampar; kanak-kanak itu diletakkan di bawah kawalan pegawai akhlak;* 2. memasukkan (dlm): *pantai Bagan Datok dan Lumut mungkin diletakkan dlm kawasan keselamatan sbg langkah berjaga-jaga;* 3. ki melepaskan (perkhidmatan dll), meninggalkan; ~ *jawatan* berhenti drpd memegang sesuatu jawatan; ~ *senjata* menamatkan peperangan; 4. memberi, menganugerahkan, menghadiahkan: *maka Sultan Mansor Shah menyuruh memanggil Hang Tuah diberi baginda persalin serta diletakkanlah oleh baginda nama Laksamana;* 5. sl menentukan, menetapkan: *syahadan bagindalah yg pertama ~ kekuningan larangan;*

terletak 1. ada (pd atau di), duduknya (di), letaknya (pd atau di), terdapat (pd atau di): *aku kembali ke rumahku yg ~ di belakang kedai di hadapan masjid; ~ kpd (pd) letaknya pd, bertanggung kpd, terdapat pd;* 2. (telah) diletakkan; *biar jatuh ~ jangan jatuh terhentak prb lebih baik menarik diri drpd dipecat dll;*

peletakan perihal meletakkan; ~ *jawatan* perihal melepaskan jawatan (berhenti drpd memegang jawatan); ~ *senjata* gencatan senjata;

peletak tempat meletakkan: *keping papan lebar tempat ~ neraca ini dinamakan andas.*

letak (létak) **1.** tidak bertenaga, lemah, letih: *badan saya berasa ~ selepas berjalan sehari-harian*; **2.** lapar; ~-*letai* letih benar.

letal (létal) Id boleh mematikan (menyebabkan mati).

letang bunyi spt bunyi besi dipukul.

letap bunyi spt bunyi ranting patah.

letas bunyi spt bunyi telur menetas (jahitan kain yg ditetas dll).

letda (létda) Id akronim bagi leftenan muda.

letek (leték) Jk; **meletek** merekah.

leter (léter) IB, bp huruf.

dileteri bp ditandai dgn huruf.

leter (léter) cakap yg berpanjangan atau tidak berhenti-henti (biasanya apabila memarahi atau menegur kesalahan seseorang): *ia pun menangislah, kerana mengenangkan untungnya yg malang itu dgn berbagai-bagai sungut ~nya akan Pak Kaduk oleh kebodohnya itu*;

berleter, **meleter** bercakap-cakap dgn tidak berhenti-henti (biasanya apabila memarahi atau menegur kesalahan seseorang), mengomel: *Haji Karman ini, biasanya kalau sudah tidak diterima nasihatnya selalu akan ~ panjang*;

meleteri berleter kpd seseorang (kerana tidak menyenangi kelakuannya dsb), mengomeli: *sudah selalu benar Simin ~ kelakuan adiknya itu*;

leteran kata-kata meleter, omelan: *Mak Yah melanjutkan ~nya*;

peleter (orang yg) suka berleter, pengomel.

leterset (léterséter) IB penyusun huruf (pd percetakan).

letih tidak bertenaga, penat: *kerana terlalu ~ dan lesu, ia pun tidur dgn nyedarnya; ~ lelah = ~ lesu* penat benar;

meletihkan menjadikan letih, memenatkan;

keletihan **1.** perihal letih, kepenatan: *anaknya tidur dlm ~*; **2.** sangat letih: *anak muda itu sedang ~*.

letik I; meletik bergerak-gerak spt ikan di darat.

letik II bunyi spt bunyi gelas retak (kena air panas dll);

meletik berbunyi spt bunyi gelas retak.

leting I bunyi spt bunyi loceng kecil.

leting II; meleting bergerak-gerak (meloncat-loncat) spt ikan di darat, meletik.

letjen (létjen) IB akronim bagi leftenan jenderal.

letkol (létkol) IB akronim bagi leftenan kolonel.

letnan (létnan) Id leftenan.

letos Jk; **meletos** membuka lebar (mata dll), melotot.

letuk bunyi spt bunyi orang mengetuk: *~-letak paruh enggang*.

letung I bunyi spt bunyi tong (gong dll) dipukul; *~-letang* bunyi letung yg berulang-ulang.

letung II Kl; *hangus ~ hangus langsung* (nasi dll).

letup I bunyi benda pecah (tembakan meriam, bola pecah, dll): *sekali ~ tiga degumnya*;

letup-letup sj permainan kanak-kanak (belon getah, bedil buluh, dll);

meletup pecah dan berbunyi spt bunyi pecah (tembakan meriam, bola pecah, dll), meledak, meletus: *kami belum lagi tahu bahawa bom yg ~ itu datangnye dr kapal terbang Jepun; ~ di sana, di sini bunyinya prb orang lain yg bersalah lain pula orang yg menanggung akibatnya*;

meletupkan menjadikan meletup, meledakkan: *maka tuan puteri Dayang Nuramah pun ~ istinggar;*

letupan 1. bunyi meletup, ledakan, letusan: *satu ~ kuat terdengar membelah malam; 2.* = bahan ~ bahan ledakan: *sampan itu berisi ~ yg disangkutkan pd sebuah bom waktu; 3.* perihal meletup: *bunyi ~ bom dan senapang berjentera tidak berhenti; 4.* (Lin) bunyi konsonan spt letupan yg dihasilkan dgn menutup saluran udara dan kemudian melepaskannya dgn tiba-tiba, mis /p/ dlm *pasu.*

peletupan perihal atau perbuatan meletupkan, peledakan;

peletup alat utk meletupkan sesuatu bahan letupan; **detup.**

letup II = letup-letup sj tumbuhan (pokok memanjat), leletup, cipluan, ubat pekung, *Physalis minima;*

letup-letup 1. sj tumbuhan (pokok memanjat), letup; **2.** sj tumbuhan (herba), timun dendang (hutan, tikus), pokok lang bulu, akar mentimun, *Passiflora foetida.*

letur; meletur melecur, melecet.

letus 1. boleh meletup; *hawa ~ Id gas yg meletup; 2. letup (senapang dll);*

meletus 1. meledak (gunung berapi, bom, dsb), pecah dgn mengeluarkan bunyi yg kuat: *kepulan asap kelihatan bulat-bulat di tempat peluru itu ~; 2. ki bermula (peperangan, pertentangan, persengitan, dll): *roman ini dikarang oleh tuan Hamka lama sebelum perang dunia kedua ~;**

letusan ledakan, letupan: *di sana sini kedengaran bunyi ~, seolah-olah bunyi petasan pd malam hari raya layaknya.*

leukemia (léukémia) (Ubat) sj penyakit yg kronik atau berlarut-larutan oleh sebab terdapatnya leukosit yg berkembang biak dan meresap

ke dlm sumsum tulang, limpa, dll, dan membinasakan alat-alat tubuh yg membentuk darah.

leukoma (léukoma) (Ubat) parut legap berwarna putih pd kornea mata yg boleh menjejaskan ketajaman pelihatan seseorang.

leukosit (léukosit) (Bio) sel darah putih yg berfungsi melawan kuman yg masuk ke dlm tubuh.

levi (lévi) (Eko) sejumlah wang yg perlu dibayar kpd pihak berkuasa, mis cukai pendapatan; ~ *modal* cukai khas terhadap harta kekayaan yg dimiliki oleh orang perseorangan, biasanya dikenakan sewaktu darurat.

lewa (léwa) **I**; *sambil* ~ tidak bersungguh-sungguh (mengerjakan sesuatu dll), sambil-sambilan.

lewa (léwa) **II** Kl; **melewa** mengacu (pisau dll kpd orang).

lewah (léwah) = **melewah** **1.** terlalu banyak hingga berlimpah-limpah (barang dll), mewah; **2.** berlebih-lebih sehingga bertambah perkara, hal, dsb yg tidak perlu (mis perkataan yg digunakan dlm ayat): *penggunaan kata yg ~ dlm pembinaan ayat perlu dielakkan;*

kelewahan hal (keadaan) yg berlebih-lebihan.

lewar (léwar); **melewar** **1.** sl berkeliaran (burung, ikan, dll), terbang (berenang) berkawan-kawan: *banyak burung terbang ~, bermain di taman dewa dewata;* **2.** ki berjalan mundur-mandir.

lewat (léwat) **1.** lalu, berjalan (di samping, di hadapan, dekat): *ketika aku ~, malim itu memperkenalkan aku kpd seluruh jururawat itu;* **2.** lampau, habis, selesai: *musim menuai sudah ~;* **3.** lanjut, lebih (drpd yg patut dll), larut: *di balik meja itu duduk seorang Cina yg sudah agak ~ umurnya;* **4.** sesudah waktunya, melampaui waktunya, lambat: *ia telah lama menunggu Mak Dalek yg ~ pulang itu;* **5.** melalui, menerusi: *Marian ~ tarian ciptaannya menggabungkan unsur tradisi dan moden;*

~ *jenuh* Id terlampau kenyang, muak; ~ *lemboyang* Id terlalu ungu (warna ungu dlm cahaya matahari);

selewat-lewatnya sehabis lewat (lambat), selambat-lambatnya: *semua permintaan hendaklah sampai ~ pd hari Sabtu;*

melewati **1.** lalu (di), melalui, melintasi, menempuh: *dia berjalan ~ mereka;* **2.** melebihi had (batas), melampaui: *berjalanlah imperialisme ke timur dr selatan Gibraltar ~ Lautan Tengah; ~ batas;* **3.** melangkahi, melangkahi: *soalan-soalan yg susah-susah dilewati sahaja;* **4.** (bkn umur) melebihi: *usiaku sekarang sudah ~ lima puluhan;*

melewatkan menjadikan lewat (lambat), melambatkan, melangkaukan: *Bidin tetap juga mengharapkan biarlah anak bulan itu tidak kelihatan dan puasa akan dilewatkan sehari;*

melewat-lewatkan menjadikan lewat dgn sengaja, melambatkan: *janganlah ~ sembahyang setelah masuk waktunya;*

terlewat **1.** melebihi waktu, terlambat: *kemalangan datang menimpa tidak ~ atau terdahulu sesaat pun;* **2.** = **kelewat** tersangat (banyak dll), terlalu, terlampau; **3.** dapat atau telah dilewati (dilalui, ditempuh, dll);

kelewatan **1.** perihal lewat (lambat, berlebih-lebih, dll), kelambatan; **2.** terlewat, terlambat: *engkau boleh sewa sebuah kereta pergi ke mana-mana suka tetapi jangan ~ balik ke perahu;* **3.** terlampau, tersangat.

leweh (léwéh) Kl **1.** cuai, lalai; **2.** bongkak, sombong;

meleweh berlaku (berlagak) leweh.

LHDN kep Lembaga Hasil Dalam Negeri.

lho Id kata seruan utk menyatakan kehairanan (terperanjat dll): ~, *pidato apa!*

Li simbol kimia bagi litium.

LI kep *Language Institute* (Institut Bahasa).

liabiliti jumlah hutang yg perlu dijelaskan dgn wang, barang, atau perkhidmatan.

liang I lubang yg halus (bekas tikaman, tempat keluar wap atau air pd enjin, dll): *dgn lima ~ luka kena peluru itu, keadaannya parah sekali; tikam Laksamana tikam orang berani, sama se~ itu pun matilah Si Jebat itu;*

~ hidung lubang hidung; *~ jarum* mata (lubang) jarum; *~ kubur* lubang kubur tempat menanam mayat; *~ kumbang* lubang utk mengalirkan air keluar (pd perahu); *~ lahad* lubang tempat meletakkan mayat (dlm kubur); *~ mata* lekuk mata.

liang II; *~-liuk = berliang-liuk = meliang-liuk* berliuk-liuk (api pelita ditiup angin dll): *batang padi meliang-liuk, berombak-ombak dilanda angin.*

liar **1.** tidak dipelihara (binatang), tidak jinak, buas, tidak dijaga (tumbuh-tumbuhan), terbiar: *binatang-binatang ~ di dlm hutannya termasuk gajah, harimau, beruk, mawas, dll;* **2.** tidak tetap, gelisah (pandangan dll), buas, ganas (perangai manusia): *dgn ~ ia memandang ke sekelilingnya; ~ mata* selalu mengalih-alih pandangan; **3.** tidak sopan-santun (perbualan, permainan, dll), tidak beradab: *ia masih tertawa ~; peguam itu menyifatkan tuduhan tersebut sbg tuduhan yg ~; matanya merayap-rayap di atas ruangan siri cerita wanita ~ yg biasa menjadi siaran akhbar itu; orang ~* orang biadab; **4.** tidak teratur, tidak mempunyai aturan; *pasukan ~* Id pasukan yg tidak teratur (bukan tentera rasmi); *rumah ~* Id rumah haram; *sekolah ~* Id sekolah persendirian (tidak menurut syarat-syarat yg ditentukan oleh kerajaan);

berliar-liar selalu berlaku liar: *Daim budak peliharaannya itu sudah pun pandai ~;*

meliar menjadi liar (kelakuan, tumbuh-tumbuhan dll): *misai dan janggutnya itu terbiar begitu tebal dan ~ sekali tumbuhnya; matanya ~ ke kiri dan ke kanan jalan;*

meliarkan menjadikan liar: *falsafah pendidikan Barat yg semakin menjauhkan dan ~ generasi Islam drpd roh dan keperibadiannya sendiri;*

keliaran perihal (sifat, keadaan, dsb) liar: *dia tidak pernah berfikir tentang ~ anak-anak kota dgn hidup yg tidak menentu; Alias Ali hanya memaparkan soal ~ hidup dan pendedahan seks anak-anak muda;*

berkeliaran berjalan (terbang dll) ke merata tempat, merayau; □
keliar.

liat I 1. lembut tetapi tidak mudah patah atau putus (spt getah dll), boleh dilentur-lentur dan tidak patah: *besi yg ~; daging kerbau tua biasanya ~;* 2. likat, pekat: *tanah ~;* 3. ki tidak mudah kalah, tabah dan cekal (menghadapi musuh dll); 4. ki tidak suka (melakukan sesuatu), payah, segan: *pd esoknya ~ pula hendak bangun kerana sejuknya udara keliling;*

liat-liat liang-liut, liuk-lentok;

meliat 1. menjadi liat (tanah dll); 2. ki mulai berdaging (isi durian);

meliatkan menjadikan liat;

keliatan perihal (keadaan dsb) liat: *malah apabila mendengar ayam kampung, teringatkan hanya ~ dagingnya belaka; ~ air (Kim) perihal air yg tidak berbuih dgn sabun.*

liat II; *kayu ~ sj tumbuhan (pokok renek), medang, Litsea amra.*

liat III ark □ **lihat.**

liau ark; **meliau** bernanah (luka, kudis, dll).

libang Pr; *~libu* kacau-bilau (perasaan).

libas; melibas **1.** menyebat (dgn rotan dll), melebas; **2.** menipu, memperdayakan;

melibaskan menggerakkan (sesuatu) dgn cara melibas (menyebat): *yg muncul hanya seekor ikan besar yg ~ ekornya, kemudian menghilang; anak muda itu ~ rotan ke arah kaki penyerangnya;*

libasan hasil melibas (menyebat): *dia hampir-hampir terkena ~ dahan kayu itu.*

libat; melibat membungkus, melipat, membebat, membelit;

melibati memasuki (sesuatu kegiatan dsb), menyertai: *sebenarnya tulisan tentang sastera Islam dlm tahun tujuh puluhan dilibati oleh beberapa orang penulis;*

melibatkan menyebabkan terlibat (terbabit), memasukkan (ke dlm sesuatu perkara dll), membabitkan: *persetujuan yg dimaksudkan oleh Tengku itu ~ masalah politik dan ketenteraan;*

terlibat **1.** terbebat, terbelit, terlipat; **2.** termasuk (dlm sesuatu hal), terbabit: *kalau perkara itu ada kaitan dgn kampungnya, dirinya turut ~ sama;*

keterlibatan perihal terlibat: *dasar ini merupakan suatu gagasan umum mengenai segala aspek ~ belia dlm masyarakat;*

pelibatan, penglibatan perihal melibatkan diri (persatuan dsb) dlm sesuatu hal (perkara dsb).

libel (Udg) kenyataan bertulis, gambar, dsb yg mencemarkan nama seseorang, fitnah bertulis.

liberal **1.** (bersifat) condong kpda kebebasan dan pemerintahan yg demokratik (mis menentang hak-hak istimewa kaum bangsawan), (fahaman) bebas; *kaum* ~ orang yg menganut fahaman liberal; **2.**

bersifat atau berpandangan bebas, berpandangan terbuka (tidak terkongkong kpd sesuatu aliran pemikiran dsb);

meliberalkan menjadikan liberal (bebas dan terbuka): *satu langkah utk ~ pasaran; ~ pandangan yg sempit sesuai dgn perkembangan sains dan teknologi hari ini;*

keliberalan perihal (sifat atau keadaan) liberal: *keterbukaan dan ~ minda juga penting dlm menghadapi arus globalisasi ekonomi dunia;*

peliberalan perihal (tindakan, perbuatan dsb) meliberalkan: *dasar ~ perdagangan merupakan salah satu komponen utama di bawah dasar pembangunan industri.*

liberalis orang yg menyokong (menganut, menganjurkan) fahaman liberalisme.

liberalisasi proses membebaskan diri (masyarakat) drpd sekatan politik dan moral (agama dsb).

liberalisme fahaman yg liberal, fahaman atau pendirian yg mahukan demokrasi serta kebebasan dlm kegiatan ekonomi.

liberalistik cenderung ke arah liberalisme: *falsafah ~ pd kurun ke-18.*

libero (dlm perlawanan bola sepak) pemain yg kedudukannya di belakang pemain pertahanan dan membantu pemain barisan pertahanan dan kadang-kadang membuat serangan, swiper: *beliau bermain sbg ~ yg sukar dikalahkan.*

libido nafsu berahi yg bersifat naluri.

Libra lambang ketujuh dlm zodiak, yg berlambangkan neraca.

libreto (libréto) (Sas) kata-kata yg dinyanyikan dlm sesuatu opera atau drama muzikal.

libur Jw **1.** = **liburan** (hari) cuti atau kelelasan: *tahun ini dia akan menghabiskan liburannya di Tanah Sunda; 2. = **berlibur** bercuti, beristirahat.*

libut lempung (kayu), gabus: *kayu ~*.

licak Mn leper (sesuatu yg tertekan, terpijak, dsb), penyek, pipih.

licau **1.** licin lagi berkilat (rambut disapu minyak dsb); *licin-~* licin sekali; **2.** ki habis langsung (harta dll).

lici lengkung.

licik **1.** licin (bkn jalan yg berlumpur dll); **2.** pandai menipu atau memperdaya orang lain, culas, curang: *dia menuduh Agnes seorang oportunist yg ~ yg menggunakan orang lain utk kepentingannya*; **3.** Jw mudah kalah, penakut;

kelicikan kepintaran menipu, keculasan (hati).

licin **I** **1.** tidak kesat (rambut yg disapu minyak dsb), berlendir (menyebabkan mudah tergelincir): *rambutnya disisir ~*; **2.** tidak menggerutu (cermin, kaca, dll), sama rata (sesuatu permukaan dll), halus; **3.** tidak ditumbuhi apa-apa (kepala yg botak, betis yg tidak berbulu, dll); **4.** ki habis sama sekali (harta dll), habis langsung; **5.** pandai menipu atau memperdaya (orang lain), pandai memutarbelitkan perkataan orang, licik: *apa yg kita mahu ialah satu tipu muslihat yg ~ spt yg dilakukan oleh Tengku Anum di negeri Siam*; **6.** pandai melarikan diri (pencuri, penyeluk saku, dll), tidak mudah tertangkap: *pencuri yg ~*; **7.** tidak tergendala (perjalanan, sesuatu kerja, dll), berjalan lancar: *perniagaannya berjalan dgn ~*;

~ (ber)dalik Kl tidak ada lagi yg tinggal (harta), habis langsung; *~ kening* = *~ dahi* manis muka (perempuan); *~-licau* licin sekali, safan-safa; *~ moner* Kl tidak ada yg tertinggal lagi (harta, wang, dll); *~ tandas* habis, tidak berbaki lagi (wang dll); *~ bagai basuh perahu* prb menderita kerugian;

melicinkan **1.** menjadikan licin (tidak kesat, berlendir dan mudah tergelincir): *gunakan minyak kelapa hijau yg dimasak harum utk ~*

rambut; **2.** menjadikan sesuatu (permukaan) licin (dgn menyetamnya dsb): *dia menggosok kemejanya utk ~nya*; **3.** menjadikan (menyebabkan sesuatu rancangan dsb) berjalan dgn lancar, melancarkan: *mereka mengambil semua langkah bagi ~ perjalanan upacara itu*;

memperlicin menjadikan lebih licin: *~ perjalanan pemerintahan*;

kelicinan **1.** perihal atau keadaan licin: (tidak kesat, berlendir dan mudah tergelincir): *~ jalan raya itu telah menyebabkan banyak kemalangan berlaku*; **2.** perihal atau keadaan licin (sama rata, tidak menggerutu, dsb): *~ pipi yg empuk akan hilang apabila tua*; **3.** perihal (keadaan dsb) berjalan dgn licin (lancar), kelancaran: *~ pentadbiran kerajaan akan terganggu sekiranya sentimen politik dicampuradukkan dgn tugas sehari-hari*; **4.** kepintaran (menipu atau memperdaya orang lain), perihal licin (dlm perlakuan atau tindak-tanduknya): *kecurangan Tuai Kancu yg menipu anak-anak buahnya melalui kekuasaan dan ~nya mendapatkan wang drpd jalan yg mudah*;

pelicinan perihal (proses) melicinkan sesuatu;

pelicin benda (minyak, sabun, dll) yg digunakan utk melicinkan sesuatu.

licin II; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok renek), *Psychotria spp.*

licung Kl sj perahu.

lid IB, bp ahli (perkumpulan, perbadanan, dll).

lidah I **1.** bahagian di dlm mulut yg boleh digerak-gerakkan (digunakan sbg alat perasa, utk bercakap, menjilat, dll): *budak itu menjelir-jelirkan ~nya*; **2.** ki perkataan, tutur kata: *lembut dan fasih ~nya*; **3.** ki sesuatu yg menyerupai lidah: *~ kain*; *~ serunai* (seruling); **4.** ki bahagian yg menganjur dr sesuatu benda; *~ tanah tanjung pd selekoh sungai*;

~ *air* bahagian tepi air; ~ *api* hujung nyala api (yg menjilat-jilat); ~ *bercabang (biawak)* tidak tetap perkataan, tidak boleh dipercayai perkataannya; ~ *dacing* jarum penunjuk berat pd dacing; ~ *keras* tidak dapat menyebut sesuatu perkataan dgn betul, telur; ~ *lembut* boleh menyebut perkataan dgn betul; ~ *manis* baik tutur katanya; ~ *ombak* hujung ombak, ombak yg di depan sekali; ~ *panjang* orang yg suka bercakap-cakap, suka menghasut-hasut; ~ *papan* bahagian yg menghubungkan papan; ~ *pendeta* kata-kata hikmat drpd orang yg bijaksana; ~ *pengarang* rencana pengarang; ~ *rasmi* jurubicara (akhbar dll) yg mengeluarkan berita dll rasmi sesuatu parti dll); ~ *serunai* bahagian serunai yg mengeluarkan bunyi;

~ *bercabang bagai biawak* prb selalu berubah-ubah dan tidak dapat dipercayai kata-katanya; ~ *tidak bertulang* prb a) mudah berjanji dan mudah pula mengubah janjinya; b) orang yg mengeluarkan celaan dgn tidak tersangkut-sangkut; *apa payahnya menggoyangkan* ~ *sahaja* prb banyak janji tetapi tidak ditepati; *berkata peliharakan* ~ prb hendaklah beringat-ingat mengeluarkan kata-kata; *berniaga di hujung* ~ prb orang pandai yg tidak jujur (suka menipu dll); *jadi hujung jari sambungan* ~ = *jadi penghubung hujung* ~ prb orang yg menyampaikan pesan orang lain dlm sesuatu mesyuarat atau peralatan; *kebenaran di hujung* ~ prb tidak ada keadilan (hanya menurut kata orang yg berkuasa sahaja); *membuat tergigit* ~ prb memberi nasihat yg sia-sia kpd orang yg berkelakuan jahat; *menyepitkan* ~ *ke lantai* prb menahan nafsu dan kehendak; *patah* ~ *alamat kalah patah keris alamat mati* prb jika tidak pandai berkata-kata tentu akan kalah; *tercabut* ~ *mati* prb tidak berguna mempercakapkan orang yg jahat, sebab ia tetap jahat juga;

lidah-lidah sesuatu yg menyerupai lidah;

berlidah mempunyai lidah: *orang yg ~ biawak tidak harus dikasihani*; ~ *dua orang yg selalu berubah-ubah perkataan atau pendiriannya*; ~ *di lidah orang prb hanya menurut apa yg dikatakan orang*.

lidah II = lidah-lidah sj ikan laut, *Cynoglossus spp*; ~ *baji*, *Euryglossa orientalis*; ~ *belang*, *Zebrias spp.*; ~ *lumpur*, a) *Synaptura commersoniana*; b) *Paraplagusia bilineata*; ~ *pasir*, *Cyanoglossus spp.*

lidah III; ~ *badak* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Pothos latifolius*; ~ *buaya* sj tumbuhan (pokok renek), keduduk gajah, kerakap rimau, senduduk hutan (gajah), *Allomorpha malaccensis*; ~ *jin* sj tumbuhan (herba), seketan, *Hedyotis philippensis*; ~ *katak* sj tumbuhan (pokok), sial menahun, *Pternandra coerulea*; ~ *kerbau (lembu)* sj tumbuhan (pokok), *Pyrenaria acuminata*; ~ *kucing* sj tumbuhan (herba), *Turnera ulmifolia*; ~ *tiung* sj tumbuhan (herba), *Hedyotis verticillata*; *daun ~ gajah* sj tumbuhan (herba), *Aglaonema oblongifolium*; *rumpun ~ jin* sj tumbuhan (herba), *Peristrophe spp.*

lidah-lidah sj tumbuhan (pokok), antat, kelat kerantan, kenanga hutan, melidah, pacal kuning, pokok kuning, *Alangium ebenaceum*; ~ *mara* sj tumbuhan (pokok kecil), cendarahan, geronggong semut, kasi, mesekam, pendarah, tampoi paya, *Ouratea spp.*; ~ *ular* sj tumbuhan (pokok renek), bunga telur belangkas, *Sida spp.*; *akar ~ jin* sj tumbuhan (herba), seketan, *Hedyotis capitellata*.

lidal sarung jari, didal.

lidas rasa pedih atau gatal pd lidah (ketika makan buah yg masam spt nanas dsb).

lidi I **1.** tulang daun kelapa (kabung dll) yg boleh dibuat penyapu: *penyapu* ~; **2.** jejari (pd roda basikal dll); *ular* ~ sj ular kecil yg berbisa; *sesimpai bagai* ~ prb orang yg seia sekata;
melidi (menjadi) spt lidi: *badannya kurus* ~.

lidi II sj ikan laut, kering, *Centriscus scutatus*.

lien (Eko) hak memegang harta orang yg terhutang sbg sandaran kpd hutang sehingga hutang itu dijelaskan.

lif alat utk membawa orang atau barang dr satu tingkat ke satu tingkat lain, terutamanya di bangunan yg tinggi.

liga **1.** persatuan atau persyarikatan (antara negara-negara dll); *L~ Arab* persyarikatan negara-negara Arab; **2.** persatuan kelab sukan yg menganjurkan perlawanan antara pasukan-pasukan ahli yg sama tarafnya: ~ *bola sepak*.

ligamen (Bio) seberkas tisu penghubung berserat yg menghubungkan bahagian-bahagian badan (menghubungkan tulang dgn tulang dll).

ligan Kd kejar, halau.

ligas = **meligas** berlari dgn mengangkat kedua-dua belah kaki kanan dan kemudian kedua-dua belah kaki kiri (bkn kuda dll).

ligat **1.** = **meligat** berpusing dgn pantas (kipas dll): *matanya bulat memandang kipas yg berputar ~ di atas meja*; **2.** sangat giat (aktif): *sebaliknya, apabila di luar, masih ~ berpelesiran ke sana sini dgn pakaian ala kebaratan*;

memperligat ki mempercepat, mempergiat (sesuatu usaha dll).

ligatur **1.** (Ubat) benang dsb utk mengikat salur darah, terutamanya dlm pembedahan; **2.** (Cetak) dua huruf atau lebih yg disambungkan, spt *æ*.

ligih; meligih terketar-ketar menggigil.

lignin (Bio) bahan yg membentuk dinding sel berkayu pd tumbuh-tumbuhan;

peligninan proses tumbuhan menjadi berkayu apabila jujuk-jujuk tertentu dlm dinding selnya berubah menjadi lignin.

lignit (Geo) arang batu yg empuk dan berwarna hitam keperang-perangan, biasanya digunakan sbg bahan bakar.

lihai C **1.** bp tajam (senjata dll); **2.** bp pintar, licin (pandai mengakali dll), pandai;

kelihai perihal lihai, kepintaran: *~nya dapat dibuktikan melalui peranannya di kampung itu.*

lihat pandang, tengok; *salah* ~ salah (silap) pandang;

berlihat-lihatan saling memandang, berpandang-pandangan;

melihat **1.** nampak apabila memandang, tidak buta, celik: *ia tidak dapat ~ lagi kerana matanya sudah kabur*; **2.** memandang (menengok, menonton, dll) dgn menggunakan mata: *mereka pergi ke tepi pantai ~ kapal yg terdampar itu*; **3.** menilik, meramal (nasib dll): *~ nasib*; **4.** membuat kesimpulan dgn menggunakan pancaindera, memaklumi (mengetahui dsb) dgn atau setelah melihat (mendengar dsb), meninjau: *setelah ~ raja murka itu segalanya orang besar-besar semuanya takut gementar tulangnya; dlm hal ini kita cuba ~ beberapa sebab tersebut; dilihat dr sudut bahasa, beliau tidak menyambung pencapaian bahasa dlm cerpen-cerpen Keris Mas*; **5.** melawat (orang sakit dll), menziarahi: *~ orang sakit; ~ bulan datang haid*;

melihat-lihat melihat sesuatu secara santai, sambil lalu, bersenang-senang dsb: *kemudian aku duduk sambil ~ apa yg terdapat di dlm bilik baginda itu; kami mengambil peluang utk ~ sekitar kawasan pondok yg menempatkan pelajar lelaki itu*;

melihati memerhati dgn teliti, memandang dgn sungguh-sungguh, mengamati-amati: *panjat olehmu, lihati apa halnya mayang itu*;

melihatkan melihat akan, memandang kpd: *ia berasa sedih ~ ibunya bekerja keras;*

memperlihatkan **1.** **melihatkan** (menunjukkan supaya dilihat): *Bonda Kandung mulai makan hati berulam jantung, makin tidak kuasa ~ muka kpd orang;* **2.** menampakkan, menunjukkan, mendedahkan kpd pandangan atau tanggapan orang: *drpd raut mukanya, ternyata Tengku Aniah tidak ~ umurnya yg sebenar; dunia abad ke-20 ~ kemajuan ilmu yg sangat pesat;*

terlihat **1.** = **kelihatan** boleh (dapat) dilihat, nampak: *kesedihannya ~ nyata pd mukanya; semua perbezaan ini ~ melalui bahasa;* **2.** telah dilihat, diketahui: *setelah ~ benda itu segera diambalnya;* **3.** terpancang dgn tidak sengaja, terpancang (bukan kerana niat utk memandang): *ketika berpaling ~ padanya bagaimana orang yg duduk di sampingnya itu mengerling;*

penglihat **1.** = **penglihatan** kuasa (pancaindera) utk melihat; **2.** orang yg pandai meramal (menilik dll);

lihatan apa yg dilihat: *pengalaman yg ditempuh dinyatakan melalui imej rasa dan ~; ~nya dlm kegelapan itu berpusar dan terus berpusar;*

kelihatan **1.** dapat dilihat, tampak: *hari itu redup dan muram, matahari belum ~ sejak empat jam tadi;* **2.** = **kelihatannya** nampaknya, pd lahirnya, rupanya: *Datuk Empat Ujang ~ termenung;* **3.** diketahui, jelas, ternyata: *~ benar apa tujuannya;*

pelihatan, penglihatan **1.** kuasa (pancaindera) utk melihat, kebolehan melihat: *dia terpaksa berhenti drpd pekerjaannya atas nasihat doktor kerana ~ matanya rosak;* **2.** apa yg dipandang, pandangan: *Hang Tuah ini pd ~ku bukan sebarang orang;* **3.** perihal melihat: *tajamkanlah perasaan, ~ dan fikiran tatkala menghadapi musuh-musuh itu;*

pelihat orang yg pandai meramal atau menilik apa yg akan berlaku (terjadi dll).

lik ark sebab yg dicari-cari, dalih;

berlik beralih.

likas = *daun* ~ alat penggulung benang yg baru dipintal;

melikas menggulung benang.

likat I = **belikat** lekat, pekat: *selepas hujan, terjadilah takungan air di atas minyak tar yg ~ itu;*

kelikatan perihal likat (cecair dll).

likat II keruh (air sungai dll); *bukat-~* terlalu keruh.

likat III Jk agak malu.

liken (Bio) alga dan kulat yg hidup secara simbiosis, kulampair.

likenisme hubungan simbiosis antara kulat dan alga.

likenologi cabang botani yg berkaitan dgn kajian tentang liken.

likir sj tumbuhan (herba yg berumbi), *Amorphophallus prainii*.

liku I 1. selekoh (pd jalan, sungai, dll), kelok, siku: *tiap ~ jalan diturut;*

2. tempat terpencil, ceruk: *segala ~ dan ceruk di hulu sungai itu diingatnya; segala ~ dan ceruk pedalaman; ~-~ hidup = ~-~ kehidupan* dugaan dan kesengsaraan dlm hidup: *perlunya Islam dijadikan sbg obor yg menerangi ~-~ kehidupan;*

berliku-liku berbelok-belok, berkelok-kelok, berselekoh-selekoh: *di sebelah kiri jalan itu mengalir sebatang sungai yg ~ pula;*

melikukan menyebabkan menjadi liku: *air yg deras mengalir, menyimpang, dan ~ sungai menjadi lurah.*

liku II; *paduka* ~ sl gelaran seorang permaisuri (dlm cerita panji).

likuh sj ikan darat, lee koh, *Cyprinus carpis*.

likuoris bahan berwarna hitam yg diperoleh drpd akar sj tumbuhan kekacang, digunakan dlm ubat dan utk membuat gula-gula: *gula-gula ~.*

likur sl bilangan antara 20 dan 30, dua puluhan; *tujuh* ~ dua puluh tujuh;
selikur dua puluh satu.

likut Mn; **belikut**, **melikut** menyorok (di balik pohon dll), bersembunyi.

likwidasi IB pemansuhan atau pembubaran (sesuatu badan perniagaan dll);

melikwidasikan memansuhkan atau membubarkan (sesuatu badan perniagaan dll).

likwidir IB; **melikwidir** melikwidasikan.

lil I Kl sj alat menangkap ikan (berupa lukah yg berpintu di rusuk).

lil II ark bayangan.

lilah I; **melilah** muntah, menjeluak.

lilah II Kl sentiasa berjalan-jalan (tidak duduk diam).

lilan sj tumbuhan (pokok), *Xylopiya elliptica*.

lilas Kd = *habis* ~ habis langsung, tidak berbaki lagi.

lilau I; **melilau** memandang ke sana ke mari, mengalih-alih pandangan:
sesekali mereka ~ tidak tentu arah mencari paip besar utk menyedut air.

lilau II Kd; **melilau** pergi ke merata-rata, merayau: *Mak Cik Ayang ~ mencarinya di sekeliling rumah.*

lilek (lilék) Kl; **berlilek** berzina (bkn perempuan).

lilin I sj bahan yg mengandungi lemak (utk dibuat dian dll): *perahu ~ layarnya kertas, berani kulanggar lautan api; ~ lebah = ~ mentah = ~ sambang lilin yg terdapat dlm sarang lebah; ~ batik lilin yg digunakan utk membatik; 2. lilin dll yg dibuat dlm bentuk silinder, diberi bersumbu yg dibakar yg memberikan cahaya dian: guru itu seolah-olah lampu atau ~ kpd masyarakat; ke mana kelok ~, ke sana kelok loyang prb perihal orang yg hanya menurut fikiran orang yg di atasnya sahaja.*

lilin II; *burung* ~ sj burung, burung kelengkeng, *Tringa nebularia*.

lilipit, liliput IB ark kecil-kecil (rumah, orang, dll).

lilis; melilis memotong supaya sama, memaras.

lilit 1. lingkaran (spring jam, ular sedang tidur, dll), sesuatu yg membelit

(ikatan dll), belit: *jahitan itu dimatikan dgn menyimpulkan benang*

tiga ~; 2. = lilitan keliling (sesuatu kawasan dll): *~ bulatan bumi*

di khatulistiwa ialah 24,900 batu atau 39,840 km; kuat ~ kerana

simpulnya prb kekuatan persatuan terletak pd anggota-anggotanya;

selilit 1. sekali lilit, hanya satu lilitnya: *~ kelengkeng; 2.*

sekeliling, sebelit: *~ Pulau Perca;*

berlilit berada dlm keadaan melingkari sesuatu, berbelit: *ular ~ di*

dahan kayu;

berlilitkan menggunakan atau memakai sesuatu sbg lilit:

kepalanya yg ~ kain merah persis warna darah itu;

melilit 1. membelit, melingkar: *akar ~; 2.* berasa tidak sedap perut

(rasa hendak muntah dll), mulas;

meliliti membelit pd, membeliti: *sehelai serban putih ~*

kepalanya; tiang rumahnya dililiti akar;

melilitkan membelitkan, melingkarkan: *buat satu lingkaran dgn ~*

dawai pd sebatang pensel;

lilitan garisan yg menyempadani sesuatu kawasan (bulatan dll),

lingkungan, lilit;

pelilit sesuatu (tali, kain, dsb) yg digunakan utk melilit: *lilit*

tangkai bunga dgn ~ warna hijau.

lillah, lillahi Ar demi (kerana, untuk) Allah.

lim IB perekat, gam.

lima (bilangan yg besarnya sama dgn) empat ditambah satu: *~ belas 15;*

~ puluh 50; ~ ratus 500; ~ besar a) lima negara yg berkuasa; b)

lima orang dll yg berpengaruh; ~ segi sesuatu (rajah dll) yg

mempunyai lima segi; *dua kali* ~ = *spt* ~ *belas dgn tengah dua puluh* prb sama sahaja;

berlima lima (orang dll) bersama-sama, lima (orang dll) semuanya: *mereka yg ~ itu pernah berselisih faham dengannya*;

kelima yg nombor lima;

kelima-lima lima-lima sekali, lima semuanya;

perlima dibahagi lima (bahagian); *se~* satu bahagian drpd benda yg dibahagi lima.

LIMA akronim bagi *Langkawi International Maritime and Aerospace*.

limah Kl sisa makanan yg tertinggal, remah.

limar Jw sj kain sutera (utk bengkung dll).

limas I 1. sj timba atau takir yg dibuat drpd daun pisang (upih dll); 2. tirus ke atas spt bentuk piramid (atap rumah dll); 3. Id piramid.

limas II tidak selesa (badan), tidak sedap (badan).

limas III Pr tepung pelita.

limau sj tumbuhan (pokok atau pokok renek dan buahnya); ~ *abung* = ~ *bali* sj tumbuhan (pokok), *Citrus maxima*; ~ *besar* sj tumbuhan (pokok), *Citrus grandis*; ~ *cuwit* sj tumbuhan (pokok), *Citrus microcarpa*; ~ *hantu* sj tumbuhan (pokok), a) *Citrus macroptera*; b) *Atalantia spinosa*; c) *Gelonium glomeratum*; ~ *hijau* sj tumbuhan (pokok), *Citrus suhuiensis*; ~ *kapas* sj tumbuhan (pokok), *Citrus aurantifolia*; ~ *kaya* (*kelinket*, *kerinket*, *kerisik*) sj tumbuhan (pokok), *Triphasia trifolia*; ~ *kesturi* sj tumbuhan (pokok), *Citrus microcarpa*; ~ *kesturi bukit (pagar)* sj tumbuhan (pokok), *Citrus swinglei*; ~ *kiah* (*kikir*, *kingkip*, *kingkit*) sj tumbuhan (pokok), *Triphasia trifolia*; ~ *kopek* sj tumbuhan (pokok), *Citrus suhuiensis*; ~ *langir* air yg dicampur dgn kulit limau (purut) dan bunga-bunga utk berlangir; *lelang* (*lilang*) sj tumbuhan (pokok), *Paramignya angulata*; ~ *manis* sj tumbuhan

(pokok), *Citrus nobilis*, *Citrus suhuiensis*; ~ mata kerbau = ~ nipis (kapas, susu), a) *Citrus medica*; b) *Citrus aurantifolia*; ~ purut sj tumbuhan (pokok), *Citrus hystrix*;

~ masak sebelah, *perahu karam sekerat* prb hukuman atau aturan yg tidak adil (memilih-milih orang kerana kedudukan atau kekayaan); *mengajar ~ berduri* prb mengajar orang yg telah pandai; *spt ~ masak seulas* prb mempunyai kelebihan drpd orang lain;

berlimau mandi dgn air yg telah dicampur dgn kulit limau dan bunga-bunga: *sudah lalu bersiram, langsung ~, berbedak, cukup kasai yg tujuh*;

melimau 1. menyirami (memandikan) dgn air limau; 2. ki mencerca orang lain;

pelimau ark rumah tempat mandi berlimau (biasanya utk raja-raja bersiram).

limbah I = limbahan, pelimbahan, pelimbah ark 1. tanah rendah tempat membuang air yg kotor: *maka tiap-tiap rumah itu adalah ~ di bawahnya*; 2. ki kehidupan yg terhina.

limbah II □ **limpah**.

limbah III Tr mencurahkan, membuang kesemuanya sekali: *buat apa kamu ~ merata air itu*.

limbai ayunan tangan ketika berjalan, lenggang: *sekali ia melenggang ~, rukuk sekalian kayu-kayuan*; *membuang ~* mengayunkan tangan (selendang dll) ketika menari;

melimbai mengayunkan tangan sewaktu berjalan, melenggang;

melimbaikan membuang (limbai), mengayunkan (tangan dll) ketika menari.

limbak □ **lembak**.

limban = **pelimban** jambatan kecil, titi.

limbang I; melimbang 1. mencuci emas (bijih timah dll) dgn menggoyangkan dulang, meriau (emas dll), mendulang; **2.** mencuci beras, mengosek beras;

pelimbang alat utk melimbang (dulang, nyiru, dll).

limbang II; melimbang sl berjalan ke mana-mana, merantau;

pelimbang sl orang yg suka berjalan ke mana-mana, pengembara.

limbang III; ~ tengah hari ark tepat tengah hari; □ **rembang I.**

limbat sj ikan darat, *Prophagorus spp.*

limbing bahagian telinga (burung, ayam) yg di sebelah luar.

limbubu Mn angin yg berputar, angin puting beliung, angin puyuh; □

halimbubu.

limbuk; burung ~ sj burung, punai dekut, punai tanah, *Chaleophap indica.*

limbung I = limbungan 1. kawasan berpagar di pantai tempat melabuhkan perahu atau tempat mandi; **2.** = *limbungan kapal* galangan kapal (tempat memperbaiki kapal dll), dok.

limbung II Jk tidak tetap (tempat duduk, tempat berdiri, fikiran, dll).

limbur I; sambur ~ waktu senja (ketika mula nampaknya teja).

limbur II Mn; **melimbur** menggenangi, membanjiri.

limerik (Sas) sj sajak lucu yg terdiri drpd lima baris.

limfa (Bio) bendalir jernih kekuning-kuningan yg mengandungi terutamanya sel darah putih yg beredar dlm salur limfa.

limfoma (Ubat) sj tumor yg terdapat pd nodus limfa.

limfosit (Bio) sel darah putih kecil yg mempunyai satu nukleus dan menghasilkan antibodi.

limit IB had atau batasan (banyaknya sesuatu dll).

limnologi kajian tentang faktor-faktor biologi, fizikal dan kimia tasik.

limousin kereta mewah, yg biasanya mempunyai gelas pemisah antara tempat duduk depan (pemandu) dgn yg belakang.

limpa organ vaskular yg terletak dekat perut, yg membentuk limfosit, mengeluarkan antibodi, membantu memusnahkan sel darah merah yg telah rosak, dan menyaring bakteria dan zarah-zarah asing dr darah, kura; ~ *kecil* = *anak* ~ *hempedu*;

berlimpa ada limpa; *tidak* ~ ki tidak berperasaan, tidak berhati perut.

limpaga sj tumbuhan (pokok) dlm famili Meliaceae, surian, tangsian burung, ranggau (Sabah), *Cedrela spp.*

limpah 1. = **melimpah** tumpah keluar kerana terlalu banyak atau terlalu penuh (cecair dll): *air yg di dlm tempayan itu terlalu banyak hingga ~*; *~-ruah* terlalu banyak keluar kerana terlalu penuh; **2.** ki terlalu banyak hingga berlebih-lebih (kemudahan, rezeki, kasih sayang, dll): *ampun dan kurnia Duli Yang Dipertuan ~lah*; **3.** ki baik atau murah hati: *hanya Tuhan dgn ~ kasihan-Nya, yg akan dapat menolong beliau*;

berlimpah-limpah 1. terlalu banyak tumpah kerana penuh; **2.** terlalu banyak atau ramai (orang dll): *bahan makanan ~*;

melimpah 1. tumpah keluar kerana terlalu banyak atau terlalu penuh (cecair dll): *darah pun spt sebak penuh ~ di dlm kota Singapura itu*; **2.** = **melimpah-limpah** ki terlalu banyak hingga berlebih-lebih atau tidak termuat, banyak sekali: *dlm pertengahan kedua abad ke-18, bangsa asing telah datang melimpah-limpah ke Tanah Melayu*; **3.** ki turun kpd, datang kpd, diwarisi oleh anak (tentang perangai dll.): *hanya sisa-sisanya yg jatuh ke tangan orang kita, ~ ke negeri kita ini*;

melimpahi 1. melimpah ke (kpd): *padang bola maktab itu dilimpahi air*; **2.** ki bermurah hati kpd, mengurniai seseorang: *semoga Allah ~nya rezeki dan bahagia hidupnya*;

melimpahkan 1. menjadikan melimpah, menumpahkan: *isi padu air yg dilimpahkan oleh penyumbat itu sama dgn isi padu penyumbat juga; ~ air mata;* **2.** mengeluarkan banyak-banyak, mencurahkan banyak-banyak: *~ kasih sayang; ~ perhatian kpd perkembangan pemakaian bahasa Kebangsaan;* **3.** memberikan banyak-banyak, mengurniakan banyak-banyak, menghadiahkan banyak-banyak: *Tuhan yg ~ rahmat kpd hamba-Nya yg berusaha dan sabar;*

limpahan sesuatu yg melimpah atau yg dilimpahkan: *kamu sekalian yg makan drpd ~ kemurahan raja bapa aku itu tidak patut sekali membuat aku begini;*

kelimpahan 1. perihal limpah, ketumpahan banyak-banyak: *agak seketika didengarnya bunyi air ~;* **2.** diberi (dikurniakan dll) banyak-banyak, menerima (kurnia dll) banyak-banyak; **3.** = **kelimpah-mewahan** keadaan yg mewah atau berlebih-lebihan, kemewahan;

pelimpahan perihal (proses) melimpahkan sesuatu: *proses ~ ini tidak memerlukan agen perantara.*

limpang Br; **melimpang 1.** berbaring (badan); **2.** melintang (barang).

limpap; berlimpap, berlimpap-limpap 1. berlapis-lapis, bertindih-tindih (kain baju dll), tidak tersusun rapi; **2.** ki terlalu banyak (hutang).

limpapas Mn sj kupu-kupu yg besar; *~ rumah nan gedang* ki puji-pujian bagi perempuan yg menjadi suri rumah.

limpas Br lalu di.

limpepas □ **limpapas.**

limpit Mn lapis, lapisan;

berlimpit-limpit berlapis-lapis (tikar, kain, dll);

memperlimpitkan menjadikan berlapis-lapis, menyusun berlapis-lapis.

limpoh Mn ark longgokan atau timbunan (padi, barang jualan, dll).

limpung Jw, sl senjata yg tajam.

limun I; limunan tidak dapat dilihat, tidak kelihatan; *ilmu ~ ilmu* (jampi, mantera) yg dapat menghilangkan diri; **halimun**.

limun II Id sj minuman (drpd buah-buahan), lemoned.

limut; melimut-limut terlalu banyak (buah-buahan yg kecil-kecil).

lin I IB, bp garis (pd buku dll).

lin II IB pita.

linang I; berlinang, berlinang-linang, melinang 1. bercahaya-cahaya, berkilat-kilat, berkilau: *si laki-laki berminyak rambut hingga berlinang-linang dan perempuan memakai gincu bibir; 2.* jatuh menitik (air mata dll), menitis: *maka keempat-empat saudara itu pun berlinang-linanglah air matanya mendengar cerita saudaranya itu;*

linangan perihal berlinang (air mata dll), titisan.

linang II; ~ *kuning* sj ikan darat (spt belut), *Anguilla mauritania*.

linau sj tumbuhan (palma), nibung, *Oncosperma filamentosa*.

lincah 1. tidak boleh diam (perangai dll), bergerak selalu: ~ *suungguh urinya gasing itu; 2.* tidak tetap (fikiran, pekerjaan, tempat tinggal, dll), bertukar-tukar selalu (isteri dll), gelisah: *gadis itu pun mulalah ~ dan tidak begitu endahkan tunangannya lagi; 3.* cergas, giat, pantas, tangkas, rancak: *mereka menjalani hidup dgn keyakinan sendiri, lebih berani dan lebih ~ drpd angkatan tua; begitu keanak-anakan isi suratnya, tetapi begitu ~;*

melincah-lincah, terlincah-lincah sentiasa berubah-ubah (tempat tinggal, pekerjaan, fikiran, dll), selalu bertukar-tukar, tidak tetap;

kelincahan perihal lincah (selalu bergerak-gerak dll).

lincam Mn; **selincam** sebentar, sekejap;

melincam **1.** bergerak (melancar, menikam, dll) dgn cepat; **2.** dgn cepat (bergerak dll), dgn pantas.

lincir licin kerana terdapat minyak dsb, tidak sendat (pergerakan mesin dll), lancar (percakapan dll); ~ *lidahnya* = ~ *mulut* a) lancar berkata-kata; b) lepas mulut;

melincirkan menjadikan licin, melicinkan (pergerakan mesin dll), melancarkan;

pelinciran perihal (tindakan dsb) melincirkan;

pelincir sesuatu yg digunakan utk melicinkan (perjalanan mesin dll): *minyak jarak digunakan juga sbg minyak ~; minyak ~ unggul utk enjin yg berteknologi tinggi.*

lindak Mn; **berlindak**, **berlindak-lindak** bertimbun-timbun, banyak sekali (harta dll), berlambak-lambak: *walaupun kaya ~ hartaku dan maju perniagaanku, menurut langgam dan pandangan orang di kampung, abang masih dipandang hina.*

lindang Mn tidak berbaki lagi (wang, harta, dll), habis: *lah ~ pitis awak; ~ tandas* habis langsung;

melindangkan menghabiskan langsung.

lindap Mn **1.** = **melindap** menjadi kurang (cahaya, panas, dll), tidak kuat lagi: *demam telah ~*; **2.** tidak terang (nyata, jelas, dll) lagi, kabur, padam, samar; *lampu ~ lampu mulai padam* (tidak terang lagi); *pertanyaan yg ~ pertanyaan yg samar-samar*;

melindap **1.** tidak berbaki lagi, habis, lindang; **2.** menjadi kabur (samar, tidak nyata, dll).

lindas; **melindas** menindih, melanyak, menekan, menggelek;

pelindas alat utk menindih (menggelek, menggiling dll).

lindes Jk □ **kelindas**.

lindih □ **lindis**.

lindis Mn; **melindis 1.** menekan hingga padat (pipih, hancur, lumat, rata, dll), menggelek, menggiling, menindih; **2.** ki menindas, memeras, mengalahkan lawan (dlm permainan dll);
pelindis alat utk menindih (menggiling dll).

lindor Jk mengigau.

lindu Jw gempa bumi: ~ *menggoncang negeri Sang Ratu.*

lindung I; berlindung 1. = **berselindung** tidak menampakkan diri (kpd orang), bersembunyi: *Si Lamat hendak mencari tempat ~ di dlm belukar itu;* **2.** berteduh, bernaung, memohon pertolongan orang lain: *ramai penduduk negeri itu yg telah lari ~ diri ke negeri Normandy;* **3.** = **berselindung** tidak terang-terangan (melakukan sesuatu), dgn diam-diam, tidak ketara: *manakala saya melihat Aminah berkata dgn tidak berselindung itu, saya pun kasihan kepadanya; dia tidak berani menentang secara berterang-terangan hanya secara ~ sahaja;*

berlindungan sl menyelamatkan atau menaungkan (diri), melindungi: *maka Sultan Zainal Abidin pun larilah berperahu kecil lalu ia ke Melaka, ~ dirinya pd Sultan Mansor Shah;*

melindungi 1. menudung supaya tidak kelihatan (jangan terkena sesuatu dll): *pondok saya tidak nampak dr sini kerana dilindungi belukar;* **2.** memberi pertolongan (bantuan dll), membela, memberi naungan: *mahkamah bertanggungjawab ~ masyarakat drpd malapetaka jenayah; beberapa ekor kambing biasanya dipelihara bersama-sama biri-biri utk ~ biri-biri drpd serangan binatang buas;* **3.** tidak memperlihatkan (secara terang-terangan) atau mendedahkan sesuatu, menyelimuti kebenaran (kejahatan dll), menyelubungi: *mereka sangat bijak ~ hasrat yg hendak disampaikan;*

lindung-melindungi saling melindungi;

melindungi 1. menaruh sesuatu supaya jangan kelihatan, menyembunyikan, menyorokkan: *dilindungkannya benda itu di balik semak-semak itu; maka puteri itu pun ~ dirinya di balik pohon kelapa; tiap-tiap orang yg menggunakan perkataan spt ini semata-mata utk ~ perasaan dan fikiran masing-masing*; 2. menggunakan utk melindungi: *jerami itu dilindungi pd semaian*;

memperlindungi menaungkan, memberi pertolongan kpda, menyelamatkan: *ia terpaksa berkhidmat ~ Tanah Brunei drpd serangan musuh*;

terlindung 1. tersorok, tersembunyi: *perbuatan yg tidak ikhlas dan jujur ini tidak akan ~ selama-lamanya*; 2. dapat diselamatkan (drpd bahaya dll), terselamat;

lindungan 1. yg terlindung oleh, yg dilindungi: *manusia ~ Tuhan*;
2. = **perlindungan**;

kelindungan 1. terlindung atau tertutup (tidak kelihatan, terkena sesuatu, dll); 2. ark kelampauan (melampaui, melanggar adat, dll);

perlindungan 1. tempat yg melindungi, tempat berlindung: *pd hari hujan, atap itu menjadi ~*; 2. perihal (tindakan dsb) melindungi (mis dgn bantuan, pertolongan, dll): *pemerintahan Ghassan sentiasa mendapat ~ kerajaan Rom; industri kecil spt ikan bertin dan barang-barang plastik tidak mendapat ~ tarif*;

pelindungan ark bilik air, jamban, tandas: *maka pd sekali persetua, kuda kenaikan baginda jatuh ke dlm ~*;

pelindung 1. sesuatu (atap, dinding, dll) yg melindungi: *atap yg tugasnya sbg ~ dr hujan dan panas, tidak memenuhi syaratnya*; 2. orang yg memberi perlindungan (bantuan, pertolongan, dll): *laki-laki yg sedang terkurung di rumahnya itu ialah ~nya, bukan musuhnya*.

lindung II Jk sj belut.

lindur □ □ **lindor**.

linear (linéar) **1.** berkaitan dgn atau berbentuk spt garis-garis: *corak warna ~*; **2.** berkaitan dgn (ukuran) panjang, mis meter, kaki dan inci.

linen (linén) = *kain* ~ sj kain yg dibuat drpd serat pokok flaks.

ling I ukuran banyak yg sama dgn setengah cupak.

ling II; *burung lang* ~ sj burung, kelengkeng, *Anthracoceros malabaricus leucogaster*.

lingar; **melingar** **1.** tidak tetap (pandangan); **2.** memalingkan pandangan dgn cepat.

lingas I ark lembap; □ **lengas**.

lingas II; **melingas** memandang ke sana sini dgn pantas seolah-olah sedang mencari-cari sesuatu: *matanya ~ ketika berada di bilik tamu itu*; *matanya ~ memandang sekeliling semasa berjalan meninggalkan tempat itu*;

melingas-lingas memandang-mandang ke sana sini dgn pantas seolah-olah sedang mencari-cari sesuatu: *matanya ~ melihat kalau-kalau ada tentera pengawal yg dapat mengesan jejaknya*.

lingga I sj tugu peringatan (drpd batu); ~ *alam* Id sesuatu daerah (hutan, sungai, dll) yg dikekalkan keadaannya, kawasan simpanan.

lingga II; ~ *api* sj tumbuhan (pokok), *Dysoxylon dumosum*.

linggam sl sj cat merah; □ **sedelinggam**.

linggar Br mudah terbalik (perahu dll) akibat gerakan berayun-ayun atau bergoyang-goyang ke kiri ke kanan, oleng.

linggata sj tumbuhan (herba yg gatal), jelatang.

linggayuran Mn ark panjang lampai, tinggi langkai.

linggi I kayu yg melengkung pd buritan atau haluan perahu: *gemuruh air di ~*, *gemuruh air disekat*.

Linggi II nama suatu tempat di Negeri Sembilan; ~ *diserang, Riau yg alah* prb menyerah tanpa berjuang.

linggis I Jw besi perejang, alabangka;

melinggis memecahkan batu (benda keras dll) dgn linggis.

linggis II; linggisian; ~ *dayung* para-para pd bibir perahu utk menyangga dayung.

lingkah tidak sepakat; □ **telingkah.**

lingkap habis langsung, tidak berbaki lagi (harta dll): *modal lingkup harta* ~ .

lingkar 1. gulung (spt ular tidur, tali yg digulung, dll), belit, gelung: *di dlm petak jubung, di dlm ~ tali sauh*; **2.** rim atau birai (pd roda dll), bingkai: ~ *roda*; **3.** lilit (keliling) bulatan;

berlingkar 1. berada dlm bulatan kecil yg berpusing-pusing (spt keadaan ular tidur dll), berbelit, bergelung: *ular itu ~ spt busut yg besar rupanya*; **2.** ki berbaring-baring di tempat tidur: *aku ~ spt gelugur kering di atas tilam*;

melingkar 1. dlm keadaan berlingkar (bergelung dll): *ular yg diburu semalam didapati ~ kekenyangan di dlm reban ayam*; **2.** menggulung tali dll supaya berlingkar: ~ *rotan*; **3.** mengikat berlingkar-lingkar, membelit, melilit: *seekor ular ~ di badannya*;

melingkari 1. melingkar pd, melilit pd, membelit pd: *sulur pokok memanjat itu ~ dahan nangka*; **2.** mengelilingi atau melingkungi: *ia berjalan ~ rumah*;

melingkarkan menjadikan berlingkar, melilitkan, menggelungkan: *logam ini dilingkarkan beberapa lapis dan berbentuk silinder*;

terlingkar dlm keadaan berlingkar, tergelung, terlingkung;

lingkaran 1. sesuatu yg berlingkar, gelungan: ~ *dawai dibuka dan diregangkan*; **2.** daerah (kawasan, lingkungan, dll) sesuatu kuasa: *dunia yg bulat meneruskan gulingan dlm ~nya.*

lingkas ark tidak panjang (berita dll), ringkas.

lingkis Jw ark; **melingkis** menggulung (lengan baju), menyingsing.

lingkung 1. lilit, keliling, pusing keliling; **2.** gulung, gelung;

selingkung 1. sekeliling, selilit (sesuatu kawasan dll); **2.** seluruh kawasan di dlm suatu lingkaran, semua orang (dlm suatu perbadanan dll);

melingkung memagari (menandai dll) berkeliling;

melingkungi 1. mengelilingi, melingkari: *balai itu dilingkungi pagar dawai berduri*; **2.** melingkupi, meliputi, memasukkan dlm pengaruh (kawasan dll);

terlingkung 1. telah dilingkungi (dikelilingi), terkurung dlm; **2.** termasuk dlm sesuatu pengaruh (kawasan dll): *orang yg hidup ~ dlm suatu masyarakat*;

lingkungan 1. sempadan (garisan dll) yg mengelilingi sesuatu, bulatan, lingkaran; **2.** semua yg terlingkung dlm suatu kawasan (kuasa dll): *usianya belum berapa lanjut, barangkali dlm ~ empat puluhan*; *pantai timur semenanjung termasuk dlm ~ daerah pedalaman Singapura.*

lingkup I tertutup (kepala, muka dgn kain, dll), tertudung; *bertudung* ~ berselubung panjang sebelah;

melingkupi 1. menyelubungi, menudungi, menutupi: *jikalau sel itu hidup, ia dilingkupi oleh benda berupa agar-agar yg tidak berwarna*; **2.** melingkungi atau meliputi (beberapa hal dll): *pembicaraan itu ~ berbagai-bagai masalah*; **3.** ki meliputi (suasana dll), menyelubungi, menyelaputi: *hawa dingin ~ sekitar kawasan itu*; *pembicaraan itu dilingkupi suasana yg tegang*;

terlingkup dlm keadaan dilingkupi, terlingkung, terliput, terselubung.

lingkup II Mn habis semuanya (orang yg pergi atau datang), semuanya pergi atau datang.

lingkup III 1. = **telingkup** terbalik (kapal, perahu, dll), tertungkup; **2.** ki, bp habis rusak atau punah, binasa, jahanam;

melingkupkan membinasakan, menjahanamkan: *kalau dia hitam hatinya, soal ~ syarikat itu di hujung jarinya.*

linglung hilang ingatan, bingung: *ia memalingkan mukanya ke kanan dan ke kiri dgn perasaan ~ dan bingung, seakan-akan ada bayangan yg sedang mendekatinya;*

melinglungkan menjadikan linglung, membingungkan.

lingo 1. bahasa atau laras yg asing: *dia mengerti ~ sistem yg dipakai oleh komputer itu;* **2.** kata atau ungkapan khusus yg biasanya digunakan dlm konteks tertentu (oleh kelompok tertentu atau bagi bidang tertentu).

lingsa Jw telur kutu yg terdapat di rambut.

lingsang Jw sj berang-berang, *Prionodon linsang.*

lingsir jatuh (matahari), terbenam;

melingsirkan menurunkan, menggelincirkan, menjatuhkan; □

gelingsir, lengser.

lingua franca (Latin) bahasa perantaraan atau bahasa perhubungan antara masyarakat atau orang-orang yg berlainan bahasa: *ahli bahasa berpendapat bahawa jika diberi masa utk terus berkembang, bahasa Melayu akan mampu menjadi bahasa perhubungan utama atau ~ di rantau ini.*

linguis 1. ahli bahasa; **2.** ahli linguistik.

linguistik 1. kajian saintifik tentang bahasa; **2.** berkaitan dgn bahasa;

~ *berkomputer* cabang pengkajian bahasa yg menerapkan teknik komputer dlm pengkajian bahasa dan kesusasteraan, terutamanya dlm pengiraan kekerapan kata dan analisis statistik; ~ *gunaan* linguistik terapan; ~ *normatif* aliran linguistik yg berpendirian bahawa tugas ahli linguistik adalah utk menentukan dan mengekalkan kebakuan bahasa; ~ *pedagogi* cabang linguistik terapan yg berkaitan dgn pembelajaran dan pengajaran bahasa; ~ *preskriptif* a) perancangan bahasa yg bertujuan utk mewujudkan satu bahasa kebangsaan yg baku; b) sikap dlm kajian bahasa yg berusaha mengadakan rumus utk penggunaan bahasa yg betul; ~ *sejarawi* kaedah yg digunakan dlm cabang linguistik utk mengkaji perubahan jangka pendek atau jangka panjang dlm sistem bunyi, tatabahasa dan kosa kata suatu bahasa; ~ *terapan* cabang linguistik yg berkaitan dgn penerapan praktikal kajian bahasa spt linguistik pedagogi, leksikografi, terjemahan dan psikolinguistik.

lini; *pengurus* ~ pengurus yg bertanggungjawab merancang, mengurus, mengeluarkan dan memasarkan produk atau perkhidmatan sesebuah organisasi: *perancangan merupakan fungsi utama pengurus* ~.

linimen (Ubat) sj minyak berubat yg disapukan pd badan utk melegakan rasa sakit, kekejangan dsb.

linjak lanyak, pijak (dgn bertalu-talu).

link ukuran panjang yg bersamaan dgn satu per seratus rantai atau 0.2 meter.

linktus (Ubat) cecair berubat yg diminum utk melegakan batuk dan sakit tekak.

lino; *mesin* ~ = **linotaip** sj mesin pengatur huruf yg dikendalikan oleh papan kekunci yg menghasilkan setiap baris taip pd sekeping logam.

linoleum (linoléum) sj penutup lantai seakan-akan tikar getah yg tebal dan kuat.

linsid biji pokok flaks yg dapat menghasilkan minyak: *minyak* ~.

lintabung sj tumbuhan (rumput yg keras tangkai daunnya), *Panicum palmi folium*; *ilmu* ~ ki bodoh lagi sombong (orang).

lintadu ark sj serangga, cengkadak, mentadu, *Tenodera aridifolia*.

lintah sj binatang dlm kelas Hirudinea, rupanya spt pacat tetapi lebih besar; jenis-jenisnya: ~ *padi*, ~ *paya*, ~ *perca*, dll;

lintah darat ki orang yg meminjamkan wang dgn mengenakan bunga yg sangat tinggi;

melintah darat ki membungakan wang dgn faedah yg terlalu tinggi.

lintang 1. lebar (sesuatu kawasan), lwn panjang atau bujur: *kawasan itu luasnya 10 meter persegi, panjangnya 5 meter, berapakah jarak ~nya?* **2.** mengikut lebar sesuatu benda (garisan, potongan, dll), malang: *keratan* ~; *kayu* ~; **3.** ark pemedang yg mengikut lebar sesuatu benda (daun pintu, tingkap, dll); ~ *bujur* a) garisan dr sudut ke sudut; b) pergi atau berlari ke segenap arah; ~-*kedak* tidak teratur (letak sesuatu dll); ~-*pukang* a) tidak menentu arahnya (orang berlari dll); b) bergerak bertempiran, tunggang-langgang;

melintang 1. mengikut lintang sesuatu benda (kawasan dll), malang: *sehelai kain pelekat corak ~ dan sehelai baju panas biru membalut tubuhnya*; **2.** mendatar (sesuatu garisan), lwn menegak; **3.** menggalang atau merintang (malapetaka, kecelakaan, dll): *dia sendiri pun akan turun besok kalau tak ada aral* ~; ~ *batang* membuat rintangan di sungai utk memungut cukai; ~ *payar* melabuhkan perahu melintang di sungai utk memungut cukai; **4.** bergerak dr satu tangga gaji dlm sesuatu peringkat ke satu tangga

dan peringkat yg lebih tinggi dlm Sistem Saraan Baru (bkn pergerakan gaji kakitangan perkhidmatan awam kerajaan Malaysia);

melintang **1.** menghalangi, menyekat, merintang; **2.** memberi tentangan (kpd pendapat, fikiran orang, dll), membantah, menyangkal;

melintangkan meletakkan (supaya) melintang, meletakkan mengikut lintang sesuatu benda: *tegakkan sebatang silinder dan kemudian lintangkan pembaris di tepi silinder itu;*

terlintang **1.** terletak melintang, dlm keadaan melintang: *terbujur lalu, ~ patah;* **2.** terhalang, terintang, tertahan: *siapa engkau yg ~ di hadapanku ini?*

lintangan sesuatu yg melintang, galangan, halangan;

pelintangan perihal (perbuatan dsb) melintang atau melintangkan.

lintap **1.** bersusun,berlapis-lapis teratur atau tersusun (berlapis-lapis); **2.** lapisan (tanah).

lintar kep halilintar.

lintas **1.** lalu dgn cepat; **2.** ark bahagian dr jalan kereta api (dr satu tempat ke tempat lain);

~ *akal* masuk akal, boleh diterima oleh akal; ~ *pintas* selalu pergi datang (keluar masuk dll), lalu-lalang;

selintas tidak berapa lama, sebentar, sekejap: ~ *lalu;*

melintas **1.** lalu (dgn cepat): *seorang Pak Haji ~ di hadapan peminta sedekah itu;* **2.** merentas (mengikut jalan yg terdekat), memintas: *kita harus berjalan melingkari padang ini kerana tidak dibenarkan ~;* **3.** memotong jalan, menyeberangi jalan: *tidak dibenarkan ~ jalan di sini;* **4.** teringat (ternampak, terkenang, dll) sekejap: *benda pertama yg ~ di kepala Jusoh ialah Semaun;*

melintasi **1.** lalu di, melalui, mengharungi: *pelayaran ~ Atlantik*; **2.** pergi ke seberang, menyeberangi: *habis sahaja makan, Ismail ~ jalan ini menuju lori balak*; **3.** menghindarkan (kesulitan dll), mengatasi;

terlintas **1.** telah dilintasi, telah dilangkai, telah diselesaikan; **2.** teringat dlm hati, terkenang, tergerak (di hati): *~ juga di hatinya hendak mengadu kpd ayahnya perihal ia kena marah itu*;

lintasan **1.** gerakan melintas: *kena ~ hantu*; **2.** sesuatu yg melintas: *setiap ~ fikiran dirakamkannya dgn tidak membuat pilihan secara teliti*; **3.** = **pelintas** tempat melintas (menyeberang), jalan yg dilalui; *~ belang* bahagian jalan yg berjalur-jalur putih atau kuning sbg isyarat supaya kenderaan berhenti utk membolehkan pejalan kaki melintas; *~ zebra* lintasan belang;

kelintasan **1.** telah dilalui atau dilampaui, kelampauan; *pantang ~ a)* tidak mahu dilalui; *b)* selalu hendak menang drpd orang lain; **2.** Kl dirasuk hantu dll;

perlintasan **1.** perihal beralihnya (masa, pemerintahan, dll); **2.** hadiah utk saudara tua yg didahului (khas drpd adik perempuan yg berkahwin dahulu drpd kakaknya);

pelintas orang yg melintas.

lintibang Mn sj sepah bulan.

lintuh lemah, lembut, lembik: *Poniem melihat gerak suaminya dgn hati yg ~*;

pelintuh guna-guna (mantera, jampi, dll) utk melemahkan lawan.

lintup tertutup rapat-rapat, litup;

melintup menutup rapat-rapat;

melintupi menyelubungi.

linu I rasa spt sakit digesek-gesek (pd gigi, tulang, dll), rasa yg tidak sedap (mendengar buluh dikikis, gergaji dikikir, dll), ngilu.

linu II Jk gempa bumi.

linyak Mn rata atau pipih (spt benda-benda yg kena tekan);

berlinyak bertumbuk, berkelahi;

melinyak menjadikan linyak, memijak hingga linyak, melatam.

linyang; melinyang melancar dgn cepat di atas air (bkn perahu, kapal);

linyar.

linyap bp hilang, lenyap.

linyar; melinyar melancar di atas air (bkn perahu, kapal); **linyang.**

linyau Ph licin dan berkilat (rambut yg diminyaki dan disikat).

lio C dapur tempat membakar bata atau genting.

liong C sj naga tiruan yg besar.

liontin Id sj loket atau aguk.

lipan sj binatang berbisa yg banyak kakinya, *Lithobius spp.*, *Scutigera spp.*; jenis-jenisnya: ~ *bara*, ~ *gading*, ~ *papan*, ~ *rumah*, dll.

lipas sj serangga berwarna perang gelap, berbadan leper dan bujur, mempunyai sesungut yg panjang dan bahagian mulut menggigit, kepuyuk, *Periplaneta spp.*; ~ *kudung* sj lipas, *Periplaneta orientalis*; spt ~ *kudung* prb selalu bergerak dgn cepat (pantas lagi cekap membuat kerja).

lipat 1. (sesuatu) yg dipatahkan dgn tidak putus supaya kedua-dua bahagiannya berlapis, lepit; *kajang* ~ *kajang* yg dijadikan berkembar dua; *pisau* ~ pisau yg matanya boleh dipatahkan ke dalam; **2.** rangkap, ganda, kembar; ~ *dua* kembar (ganda, rangkap) dua;

~ *kajang* selekoh (sungai, jalan, dll) yg terlalu tajam, siku keluang;

~ *pandan* nama sanggul yg disirat spt daun pandan yg akan dianyam;

berlipat 1. berlapis rapi (kain baju dll): *diambilnya baju yg ~ di dlm almari*; **2.** berlipat ganda;

berlipat-lipat **1.** banyak lipatnya, berlapis-lapis; **2.** = ~ ganda banyak sekali gandanya, menjadi sangat banyak: *barang-barang itu dijualnya dgn mendapat laba yg ~ ganda;*

melipat ark **1.** mematahkan supaya berkembar (bertangkup, berangkap): *dilipatnya surat khabar itu dan kemudian diletakkannya ke atas meja;* **2.** ki mengalahkan musuh (lawan), memberkas (menangkap) penjahat: *samseng itu telah dilipat oleh polis;* **3.** ki melakukan pecah amanah (menggelapkan wang dll), tidak menurut perintah; ~ wang menggelapkan wang; **4.** ki menjual sesuatu kerana kesempitan hidup; **5.** menjadi berganda-ganda atau berlebih-lebih (harga barang dll): *harga barang import membumbung ~ dua atau tiga;*

melipatkan ark mematahkan supaya berkembar (berlapis dll), menjadikan berlipat: *Pak Imam ~ tangan Pak Sudin dan kemudian menyelubungi mayatnya dgn kain;*

lipatan **1.** = **pelipatan** sesuatu yg berlipat (kain, kertas, dll), hasil melipat: *surat itu aku keluarkan dr sampulnya dan perlahan-lahan aku membuka ~nya;* ~ seluar sait seluar; **2.** Id pembebat surat khabar; **3.** tompokan (kad dll);

kelipatan Id bilangan yg merupakan hasil drpd mendarabkan sesuatu angka: *21 ialah ~ 7;* ~ persekutuan terkecil Id angka kandungan kecil;

perlipatan perihal berlipat, pergandaan;

kelipat kelebek, kelepek (pd baju), lipatan (pd kulit buku yg lembut);

pelipat **1.** = **pelipatan** bahagian yg di belakang lutut; *pelipatan kulit* alur pd kulit orang tua yg berlipat-lipat; **2.** garisan (pd kain baju, kertas, dll) kerana dilipat, lipatan.

lipat ganda diganda-gandakan (menjadi banyak);

berlipat ganda sekian kali banyaknya, berganda: *kekuatan musuh kita telah ~;*

melipatgandakan menggandakan berkali-kali, memperbanyak, menjadikan bertambah banyak: *mereka berusaha ~ hasil pertanian; akan saya lipatgandakan usaha utk membasmi kemiskinan selepas memenangi pilihan raya ini.*

liperi Id, bp pengadil (dlm pertandingan bola sepak dll).

lipid (Kim) kumpulan sebatian organik, antaranya termasuklah lemak dan lilin.

lipis □ **pelipis**.

lipit = **kelipitan**, **pelipit** kelim atau lipat yg kecil pd pakaian (pd songkok, baju, dll): *ditanggalkannya songkoknya dan dikeluarkan dr kelipitannya itu duit seringgit;*

melipit memberi (mengenakan) lipit pd pakaian.

liplap **1.** tidak sekata atau sama (warna barang yg berlapis-lapis); **2.** = *Belanda* ~ Belanda peranakan; *anak* ~ anak yg orang tuanya berlainan bangsa.

lipoprotein (lipoprotéin) (Bio) protein yg bergabung dgn lipid.

lipstik gincu (pewarna) bibir.

lipu ark; **melipu** tidak bercahaya atau berseri-seri, layu, muram, suram.

lipur **1.** hilang, hapus, lelap, lenyap; **2.** hilang kesedihan dll, terlupa kesusahan dll, terhibur: *ceritakanlah, agar kudengar, mudahnya dapat hidayat, dr sebab itu ~ hatiku; ~ diri* kegiatan yg dilakukan utk menghiburkan hati, bersenang-senang atau menenangkan fikiran: *~ diri memang digalakkan selepas penat bekerja sepanjang minggu;*

melipur, **melipurkan** **1.** menghapuskan (kesan, tanda, dll), menghilangkan, melelapkan, melenyapkan; *~ dendam* mengikiskan perasaan dendam; **2.** menghiburkan (kedukaan hati),

menyenangkan: *maka Tuanku Malim Deman pun bergurau senda melipurkan hatinya yg dukacita itu;*

pelipur, penglipur orang yg menghibur atau melipur, penghibur;
~ *lara* (Sas) orang yg menghiburkan hati yg duka dgn menyampaikan cerita rakyat yg berunsur jenaka, biasanya diselitkan dgn syair, pantun, seloka dsb.

lipuria (Ubat) adiposuria.

liput; berliput **1.** berselubung, bertutup, dipenuhi oleh: *kebanyakan tanah pamah di lembah sungai ~ tebal dgn tanah lanar;* **2.** ki terselindung, tersembunyi: *kata raja kata ~;*

meliputi **1.** menutupi, memenuhi: *daratan kita sekarang pd suatu masa dahulu diliputi air;*

2. ki menyeluruhi, melingkupi, menyelubungi: *rancangan pembangunan yg menyeluruh ~ segenap daerah dan pelosok; wajah isterinya diliputi kemuraman;*

terliput **1.** tertutup oleh sesuatu (air dll); **2.** termasuk atau terlingkung (dlm sesuatu kawasan dll): *di dlm nama-nama, ~ selebih-lebih sifat drpd segala sifat kelebihan dan kesempurnaan;*

liputan **1.** sesuatu yg meliputi (menyeliputi, memenuhi, menutupi) sesuatu: ~ *salji di kemuncak gunung;* **2.** = ~ *berita perihal membuat laporan tentang sesuatu peristiwa atau satu siri peristiwa (dlm jurnal, akhbar, dsb): dia ditugaskan membuat ~ dlm persidangan itu.*

lir Jw ark sl seperti (umpama); *sang ~ sari* yg spt bunga (gadis yg elok).

lira unit mata wang Itali, Turki dan Malta.

lirih perlahan-lahan (tidak kuat), lembut: *berjurus-jurus dia termenung spt berfikir – mencari jawaban sebelum bersuara ~, “Berhati-hati, Tam.”*

lirik I □ **larik I.**

lirik II = lirikan = ~ *mata* jelingan mata, pandangan ke kiri ke kanan, kerlingan;

selirik selayang pandang, sekejap pandang;

melirik menjeling dgn tajam, mengerling: *setelah ~ dulu ke kiri ke kanan, ia pun duduk.*

lirik III 1. sj puisi yg menggambarkan perasaan; **2.** seni kata lagu.

liris I; = *corak* ~ Id sj corak batik;

liris II penuh emosi: *kaset yg mengandung lagu-lagu ~ mendapat tempat di hati para remaja.*

lis 1. bp daftar, senarai: ~ *derma Masjid Negara*; **2.** garisan di sekeliling gambar, bingkai.

lisah I ark gelisah, resah.

lisah II sj ikan laut, *Periophthalmus koelreuteri*.

lisan 1. lidah: *jilat dgn ~ tujuh hari*; **2.** sesuatu yg diucapkan (tidak ditulis); *saya telah diberitahu dgn (secara) ~ diberitahu dgn mulut (bukan dgn surat)*;

melisankan menyebut dgn mulut, menuturkan;

kelisanan hal yg berkaitan dgn lisan: *istilah dan gagasan yg dipakai utk membicarakan ~.*

lisani; *huruf* ~ ark huruf yg dibunyikan dgn lidah.

lisensi (lisénsi) IB surat kebenaran, lesen.

lisin (Bio) bahan yg menyebabkan pemecahan dan pemusnahan sesuatu sel atau bakteria; ~ *alfa* sj antibodi yg dapat memecahkan sel.

lisina (Bio) asid amino perlu yg terdapat dlm protein dan penting dlm diet, terutamanya utk pertumbuhan bayi dan juga utk keseimbangan nitrogen bagi orang dewasa.

lisir Pl; **melisir** labuh benar (pakaian).

lisis (Bio) pemecahan dan pemusnahan sel atau bakteria oleh lisin.

lis-lis; *rumpun* ~ sj tumbuhan (herba), cika mas, *Acalypha indica*.

lisong C cerut, cerutu: *dgn hati yg terharu, nyonya Van Oost duduk memetik ~.*

listerik, listrik IB elektrik.

lisu **1.** lipatan atau kedut yg dijahit atau dibuat pd kain; **2.** lipatan menirus yg dijahit pd pakaian;

berlisu mempunyai atau dihiasi lisu.

lisut **1.** kecut dan kendur (kulit dll): *kulitnya mulai ~; bengkaknya ~*; **2.** tidak segar lagi (bunga dll), layu; **3.** ki sudah tua benar, layu: *lelaki yg tua ~ itu tiba-tiba menjengah muka dr arah dapur*;

melisut menjadi lisut (kulit dll);

melisutkan menjadikan lisut (kulit dll);

kelisutan perihal lisut.

lita; *luas* ~ Kl luas sekali (kawasan).

litah = ~ *mulut* sl berkata dgn tidak berfikir-fikir lagi, tidak dapat menyimpan rahsia, lepas mulut, latah.

litak Mn **1.** penat, lelah, payah; **2.** lemah sekali, lesu, lapar.

litani Id doa yg diucapkan oleh paderi dan disambut oleh hadirin di dlm gereja.

litar **1.** lilit (pd sesuatu benda), keliling; **2.** = **litaran** (Kej) jalan lengkap yg dilalui arus elektrik: *haba dapat dihasilkan oleh arus elektrik dlm sesuatu ~; ~ pintas*; **3.** trek utk perlumbaan kereta, motosikal dsb; **4.** bergerak berkeliling dr satu tempat ke tempat lain; *pengadil* ~ pengadil yg bergerak dr satu tempat ke tempat lain utk menjalankan tugasnya;

~ *bersepadu* (Fiz) litar yg menggabungkan pelbagai komponen elektronik ke dlm satu unit; ~ *elektrik* (Fiz) susunan pengalir dan peranti yg dapat mengalirkan arus elektrik; ~ *pintas* = ~ *singkat* (Kej) kesalahan yg menyebabkan jalan arus elektrik menjadi pendek kerana penebat yg rosak; ~ *tertutup* (Fiz) litar elektrik yg

lengkap dan membolehkan arus mengalir apabila voltan dibekalkan.

litenan → **letnan**.

liter ukuran banyak yg bersamaan dgn 1 dm³ (biasanya bagi cecair spt minyak, air, dll);

literan sukatan (takaran) yg isinya satu liter.

literal **1.** berasaskan makna sebenar atau makna biasa kata-kata yg digunakan (bukan makna kiasan atau makna yg tersirat di sebaliknya: *sikapnya sangat sederhana, dan beliau kerap mentafsirkan percakapan suaminya secara ~*; **2.** harfiah: *terjemahan ~*.

literasi kebolehan menulis dan membaca, celik huruf; ~ *komputer* tahu menggunakan dan mengendalikan komputer.

literator IB ahli sastera.

literatur IB kesusasteraan; ~ *Islam* kesusasteraan Islam.

litigasi proses pembicaraan undang-undang di mahkamah (sama ada utk membela atau menentang sesuatu kes).

litigan (Udg) pihak atau orang yg membuat tuntutan atau yg didakwa di mahkamah.

litir = *penuh* ~ K1 sangat penuh, penuh hingga melimpah.

litium (Kim) sj unsur logam yg lembut dan ringan.

lit-lit; *panas* ~ Kd panas terik.

litmus (Kim) bahan berwarna yg digunakan sbg penunjuk kpd hadir tidaknya asid atau alkali (yg biru bertukar warna menjadi merah dlm larutan asid dan yg merah menjadi biru dlm larutan alkali); *kertas* ~ kertas turas yg berisi tepu dgn litmus dan digunakan sbg penunjuk asid-alkali dlm kimia analisis.

lito **1.** litograf; **2.** litografi.

litofit tumbuhan yg hidup di atas batu-batuan, mis lumut hati dan pakis.

litograf cetakan yg dihasilkan melalui kaedah litografi.

litografi kaedah mencetak pd permukaan yg mendatar (plat logam atau batu) dgn mengalirkan dakwat pd bahagian tertentu permukaan yg berkenaan (menurut reka bentuk bahan yg hendak dicetak).

litopon sj serbuk berwarna putih yg digunakan sbg pigmen cat dan juga dlm pembuatan barangan getah, kertas dan plastik.

litoral (Geo) kawasan pantai, terutamanya di antara air pasang dan air surut.

litosfera (litosféra) (Geo) lapisan luar kerak bumi yg terdiri drpd batuan, mendakan tanah, dll.

litotes (litolés) (Lin) pernyataan yg diungkapkan dlm bentuk negatif utk menyatakan keadaan yg sebaliknya, misalnya 'tidak sombong' yg bermaksud 'ramah'.

litup tertutup (tertudung dll) rapat-rapat hingga tidak kelihatan: *seorang perempuan yg berselubung ~ bahagian kepala sedang menangis tersedu-sedu;*

melitupi menutupi rapat-rapat, menyelimuti, menyelubungi: *cara memakai selendang adalah dgn menyangkutkannya hingga ~ kedua-dua belah bahu;*

terlitup tertutup (tertudung) rapat-rapat: *pintu kebahagiaannya seakan-akan ~;*

litupan (Geo) sesuatu yg melitupi; ~ *air batu* lapisan air batu yg menutupi beberapa bahagian muka bumi.

liuk = **meliuk** melengkung ke kiri ke kanan (spt orang menari, lalang ditiup angin, dll): *pandangannya berpusat pd api pelita yg meliuk-liuk di hadapannya;*

~*lampai* bergerak-gerak spt ular lalu (orang menari dll); ~ *lentok* gerakan badan atau anggota badan yg terlenggok-lenggok ke kiri ke kanan atau ke depan ke belakang;

meliuki mengambil sesuatu (spt wang di tanah dll) dgn meliuk;

meliukkan melengkokkan badan (orang menari, mengelakkan tikaman, dll): *Zahar yg sedang bercekek pinggang itu ~ badannya sebelum mengambil rokok itu;*

terliuk, terliuk-liuk terlenggok-lenggok (lalang ditiup angin dll): *tiang agung terliuk-liuk; pelita minyak yg ~ ditiup angin;*

liukan hasil atau gerakan meliuk atau meliukkan;

pe-liukan perihal atau perbuatan meliukkan;

sepe-liuk sejauh orang boleh meliuk (ke kiri atau ke kanan dll).

liuk-liuk sj serunai yg dibuat drpd batang padi.

liun Br; **berliun** berpusing-pusing.

liung Kl mengikut jalan yg jauh, melencong jauh.

liung-liung sj ikan laut.

liur = *air* ~ rembesan cair dlm mulut yg dikeluarkan oleh kelenjar liur yg fungsinya memudahkan makanan ditelan dan dicerna: *ia menelan air ~nya melihat makanan itu; air ~ basi* a) air liur yg meleleh keluar sewaktu tidur; b) tajuk perbualan yg sudah lama; *menjilat air* ~ prb yg sudah dicela dipuji kembali, sudah dibuang diambil balik;

berliur, meliur mengeluarkan air liur; ~ *masin* ki a) pandai berkata-kata; b) apa yg dikatakannya diiakan orang;

terliur ingin benar akan: *aku ~ sungguh hendak makan asam;*

pe-liuran perihal (proses atau perbuatan) mengeluarkan air liur.

liut lembut tetapi tidak dapat dipatahkan, boleh dilentur-lenturkan tetapi tidak patah, liat: *kayu-kayu yg ~;*

keliutan perihal liut.

liwa Ar ark bendera, panji-panji, tunggul.

liwat Ar hubungan jenis melalui dubur: *dia menghadapi tuduhan melakukan ~ ke atas empat orang pelajar lelaki;*

meliwat melakukan liwat terhadap seseorang: *dia dituduh ~ seorang pelajar lelaki berusia 12 tahun dlm bulan Februari 1987.*

LKIM kep Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

llama (Quechua) sj binatang berbulu tebal drpd genus *Lama* yg berasal dr Amerika Selatan, rupanya seakan-akan unta tetapi tidak mempunyai bonggol, biasanya digunakan utk mengangkut barang.

LLB kep *Bachelor of Laws* (Sarjana Muda Undang-Undang).

LLM kep *Master of Laws* (Sarjana Undang-Undang).

LLN kep Lembaga Letrik Negara.

loa, loak Jk bakul tempat sampah dll; *tukang ~ pedagang barang-barang lama* (buruk).

loba tamak, serakah;

melobakan menginginkan sesuatu banyak-banyak;

kelobaan ketamakan, kerakusan, keserakahan: *celaan terhadap ~ kaum imperialis; haloba.*

lobak 1. sj tumbuhan (ubinya dibuat sayur); ~ *cina (putih)* sj tumbuhan, rades, *Raphanus sativus*; ~ *hutan* sj tumbuhan (herba), lebuk hutan, *Orchidantha longiflora*; ~ *jantan* sj tumbuhan (herba), bakung rimba, bangkung rimba, *Susum malayanum*; ~ *merah* sj tumbuhan, bortel, *Daucus carota sativa*; **2.** Mn kubis, kol; *bagai ~ di pemerunan, bagi kacang tengah dua bulan prb perihal kanak-kanak yg subur tubuhnya* (cepat membesar).

loban I kemenyan, dupa; ~ *jawi* sj kemenyan.

loban II sj ikan laut, *Liza macrolepis*.

loberci Id jemeki; □ □ □ **labuci.**

lobi I ruang legar.

lobi II; melobi berusaha utk mempengaruhi pihak-pihak yg berkuasa bagi mendapatkan sesuatu spt sokongan: *kegiatan ~ dilakukan di seluruh dunia;*

lobi-melobi saling melobi antara satu dgn lain;

pelobian perihal atau perbuatan melobi: *kedapatan ~ yg sangat ketara menjelang hari pencalonan itu;*

pelobi pihak yg melobi.

lobi-lobi sj tumbuhan (pokok yg buahnya dibuat asam), rukam masam, *Flacourtia inermis*.

lobotomi (Ubat) pemotongan saraf tertentu pd otak secara pembedahan utk merawat penyakit mental yg teruk.

lobus (Bio) bahagian sesuatu organ tubuh yg berbentuk bulat, spt pd otak atau paru-paru.

locak I; melocak 1. melacak, banyak (buah dll); 2. berkocak, bergoncang (benda-benda cair), beriak (air).

locak II; melocak mengelupas (kulit).

loceng (locéng) 1. sj alat drpd logam yg bergeronggang, berbentuk cawan serta mempunyai tukul kecil tergantung di dalamnya, dan berbunyi kuat dan nyaring apabila digoyangkan: *~ sekolah berbunyi pd pukul satu; ~ basikal; ~ gereja; ~ elektrik* loceng yg dibunyikan oleh kuasa elektrik; 2. Id jam besar (di dinding dll);

berloceng mempunyai (berhias, dilengkapi dgn) loceng: *gelang ~;*

meloceng membunyikan loceng.

locoh Kl, Tr terlepas (drpd jerat atau gengaman): *bagaimana kamu pasang jerat itu sampai burung itu ~.*

locok, melocok 1. mengeluarmasukkan barang yg panjang ke dlm lubang (omboh pam dll); 2. mengangkat dan menekan alu dll ke dlm lesung dll (utk menumbuk);

pelocok alu dll utk melocok, piston pam.

locong Kl borong.

locor Kl meleleh (air liur).

locot I = **melocot** lecet, terkelupas (kulit), melucut.

locot II ark□□□**lucut I**.

lodah Tr hancur (kerana terlalu lama dimasak).

lodak kotoran (tanah, pasir, dll) yg terkandung dlm air dll, kelodak:

sungai itu mengalir membawa ~nya ke laut;

berlodak mengandungi lodak: *kuala sungai itu ~*; **londar I**.

lodan Jw ikan paus.

lodar□□□**lodak**.

lodeh (lodéh); *sayur* ~ sj masakan sayur (bermacam-macam sayur, santan, dll dimasak hingga empuk).

lodoh I lembik (kerana busuk atau terlampau ranum), bonyor.

lodoh II Tr hancur (kerana terlalu lama dimasak).

lodong Jw sj tabung buluh yg besar.

loes (loés) (Geog) lapisan tanah halus dan subur berwarna kekuning-kuningan yg terdapat di utara negeri China, bahagian tengah Amerika Syarikat dan bahagian tengah Eropah.

log buku yg digunakan utk menyimpan butir-butir tentang sesuatu, mis penyenggaraan kenderaan: *buku ~*.

loga; *syurga*~; **loka**;□□□**syurga**.

logam unsur kimia spt besi, emas, perak, tembaga, dll yg biasanya berkilau, mulur, membentuk ion positif, dan menjadi pengalir haba dan elektrik yg baik; ~ *adi* = ~ *mulia* Id logam yg sukar berpadu dgn oksigen (spt emas, perak, platinum); ~ *alkali* salah satu logam dlm kumpulan unsur kalium, natrium, litium, rubidium, sesium, dan fransium; ~ *alkali bumi* = ~ *bumi beralkali* salah satu logam dlm kumpulan unsur berilium, magnesium, kalsium, strontium,

barium, dan radium; ~ *campur* Id logam yg terjadi drpd campuran beberapa logam (suasa dll); ~ *putih* sj logam campur (sebahagian besar terdiri drpd timah atau timah hitam); ~ *mulia* logam yg berharga (spt platinum, emas, perak);

berlogam mengandungi (terdapat) logam: *bahan* ~; *kawasan* ~;

perlogaman hal yg berkaitan dgn logam: *industri* ~.

logamaya (Fiz) imej sesuatu objek jauh (bentangan air dll) yg disebabkan biasan oleh udara panas, maya.

loganberi (loganbéri) sj tumbuhan yg buahnya berwarna merah keunguan dan boleh dimakan, *Rubus loganobaccus*.

logaritma (Mat) angka yg menunjukkan kuasa bagi sesuatu nombor digandakan utk mendapatkan nombor tertentu.

loghat I **1.** kata (dlm erti yg sebenarnya); *terjemahan menurut* ~ terjemahan sekata demi sekata, erti yg tepat; **2.** bahasa daerah, dialek, bahasa setempat: ~ *Minangkabau; Bahasa Melayu Sarawak mempunyai beberapa ~ yg berbeza dr setempat ke setempat*; **3.** gaya mengucapkan kata-kata: “*Siapa nama awak?*” ia bertanya dgn ~ *Riau-Johor; bahasa Melayunya fasih sekalipun ~ Jepunnya masih jelas kedengaran*; **4.** daftar kata, perbendaharaan kata: *kata itu terdapat dlm ~ Melayu*;

~ *rasmi* loghat atau bahasa yg ditetapkan oleh pihak yg berkuasa sbg loghat yg sah; ~ *umum* loghat yg selalu dipakai oleh orang ramai; *ilmu* ~ ilmu bahasa; *kitab* ~ kamus;

berloghat menggunakan (bercakap dlm) loghat: *dia* ~ *Kelantan sewaktu bercakap dgn kawan sederahnya*.

loghat II Kl, Tr tergesa-gesa: *kamu* ~ *ni hendak pergi ke mana*.

logik **1.** sains yg berkaitan dgn prinsip yg membolehkan pemikiran dan penaakulan dibuat secara teratur dan bersistem, ilmu tentang cara berfikir (atau kaedah berfikir), ilmu mantik; **2.** dapat diterima oleh

akal, masuk di akal, munasabah: *kanak-kanak itu dilatih berfikir secara teratur dan ~; pendapatnya itu ~;*

kelogikan perihal, keadaan logik (diterima akal);

ketidaklogikan perihal (keadaan, sifat, dsb) yg tidak logik;

pelogik yg menjadikan sesuatu logik (diterima akal).

logika IB logik.

logis IB logik.

logistik **1.** aspek sains ketenteraan yg berkaitan dgn pengangkutan, penyenggaraan, pembekalan alat kelengkapan, pemindahan anggota tentera, dsb dlm operasi tentera; **2.** perancangan, pengelolaan dan pelaksanaan secara terperinci sesuatu rancangan atau operasi yg besar dan kompleks: *mereka bekerja dlm bidang pentadbiran, kewangan, urusan keluar masuk barang, ~ dsb.*

logo lambang khas sesuatu pertubuhan yg tersirat dgn maksud tertentu.

logogram (Lin) lambang atau huruf yg mewakili sesuatu perkataan atau morfem, mis lambang (%) yg bererti *peratus*.

logu; *ikan ~ sj ikan laut, Myripristis murjan.*

loh I Ar **1.** papan batu, batu tulis; **2.** papan (batu dll) yg bertulis; *~ catur papan catur; suratan ~ Tuhan lohmahfuz.*

loh II; *batu ~ sj batu yg terbentuk drpd tanah liat dan mudah pecah menjadi lapisan-lapisan nipis, syal.*

loh III Jw, sr utk menyatakan hairan (terkejut, kaget, dsb).

loh IV; *daun ~ sj tumbuhan (herba), Anaectochilus; kayu ~, a) sj tumbuhan (pokok), meranti jamang, mersawa (merah), sanai, Anisoptera laevis; b) sj tumbuhan (anggerik), Stauropsis gigantea; rumput ~ sj tumbuhan (rumput), bayam pasir, bayam tanah, daun serapati, kerak nasi paya, keremak, Alternanthera triandra.*

loh V Kl, Tr sila, mula: *kamu ~ dulu, sebentar lagi aku sampai.*

loha bp duha.

lohmahfuz Ar suratan atau ketentuan nasib manusia, suratan loh Tuhan.

lohoh Jh busuk, lodoh, reput.

lohok I ark sangat busuk.

lohok II □ □ □ **gelohok.**

lohong lubang.

lohor □ bp zuhur: *sembahyang* ~; *waktu* ~.

loi Kd, Pn lambat (membuat atau mengerjakan sesuatu).

loji I **1.** gedung, bangunan besar; **2.** pejabat syarikat perniagaan zaman dahulu yg dibuat berkubu; **3.** kilang (bangunan serta alat-alat di dalamnya spt jentera, mesin, dll); ~ *kuasa* a) loji utk menerbitkan kuasa atau tenaga (elektrik dll); b) kilang (bangunan) serta alat di dalamnya utk memasang sesuatu (kereta, jentera, dll); ~ *penapis* loji utk menapis sesuatu.

loji II; *kelapa* ~; □ **kelapa.**

lojik □ □ **logik.**

lojing tempat penginapan sementara dgn kadar bayaran tertentu: *elaun* ~.

lok I IB kepala kereta api: *hanya beberapa sahaja* ~ *kereta api yg masih digerakkan dgn pertolongan api*; □ □ □ **lokomotif.**

lok II kelok atau liku pd mata keris: *cuba lihat keris-keris itu, yg* ~ *3, 4, 5 hingga* ~ *12 pun ada*;

berlok mempunyai lok, berkelok: *keris* ~ *tujuh*;

berlok-lok mempunyai beberapa lok: *keris* yg ~.

lok III Kl tidak peduli (hirau);

dilok tidak diambil peduli, dibiarkan.

loka I sl ark dunia; *syurga* ~; **loga**; □ □ □ **syurga.**

loka II = **meloka** ark memandang.

lokah Kl langkah.

lokal **1.** bp bukan yg diimport, biasanya dikaitkan dgn barangan yg kurang bermutu; **2.** IB setempat.

lokan I sj kerang besar, *Polymesoda placans*.

lokan II; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), akar asam lokan, akar asam lokan putih, akar nebal, *Medinilla hasseltii*; akar ~ sj tumbuhan (pokok menjalar), akar kepayang, kayu keleka singga, sentuh, *Trichosanthes tricuspidata*.

lokap bilik di balai polis tempat mengurung orang tahanan;

melokap mengurung (menahan) dlm lokap.

lokar almari yg boleh dikunci utk kegunaan individu.

lokasi 1. tempat di luar studio utk membuat penggambaran: *menggalakkan perfileman di ~~~ tempatan*; **2.** letak, kedudukan: *besar kemungkinan kedai-kedai telekom akan dipindahkan jika ~nya sekarang tidak begitu bersesuaian atau jauh dr orang ramai.*

lokcuang C sj sutera dr negeri China.

lokek (lokék) I kedekut, bakhil, kikir.

lokek (lokék) II Kl lekas marah, garang.

loket (lokét) I hiasan yg bergantung di rantai leher (dibuat drpd emas, intan, dll).

loket (lokét) II IB tingkap atau lubang tempat menjual tiket dll: *di muka ~ diberikannya wang lima puluh sen kpd perempuan yg menjual karcis.*

loki ark C pelacur.

lokio ark C sj bawang benggala, *Allium schoenoprasum*.

loklak Kd tidak beradab (kelakuan seseorang), kasar.

loklek (loklék) I Pn terjengket-jengket.

loklek (loklék) II Kl lembap, lengah.

loklak Ar ark mutiara.

lokman sj tumbuhan (herba), rumput tahi babi, rumput pasir, sembung gajah, *Adenostemma viscosum*.

lokoh I Jh keras, mangkar (durian).

lokoh II Jh tidak kemas (pakaian dll), buruk: *Ali yg tadinya kelihatan ~ dan bermuka spt orang bodoh itu menggoncang-goncang tangannya berulang-ulang dan kuat-kuat.*

lokoh III Kl, Tr lekang (bkn isi buah-buahan): *rambutan ni manis tapi tidak ~.*

lokomotif kepala kereta api.

lokos I basah kuyup: *budak itu ~ kerana bermain dlm hujan lebat.*

lokos II 1. botak (kepala), gondol; 2. tidak berdaun (pokok); 3. tidak ditumbuhi tanam-tanaman (tanah), gondol.

loksok □ □ □ **peloksok, pelosok.**

loksun C ark batuk kering, batuk darah.

loktong ark pelacur; **lotong II.**

lokum orang yg menjalankan tugas orang lain dlm profesion yg sama, terutamanya doktor, utk sementara waktu semasa ketiadaannya kerana bercuti dsb: *doktor ~.*

lokus (Bio) kedudukan gen pd sesuatu kromosom.

lolah; *tengku ~* □ □ **tengku II.**

lolak sj siput, *Trochus niloticus.*

lolar Kl gopoh-gapah.

loleh (loléh) lebih kurang, tidak kemas, lalai, lengah (membuat sesuatu pekerjaan).

loleng (loléng) C pelita kertas yg berwarna-warna, tanglung.

loliah-loliah Kl bergerak-gerak, memerhatikan sekeliling (mata).

lolipop sj gula-gula yg bertangkai kayu atau plastik kecil.

loloh I; **meloloh** menyuapi.

loloh II Mn longgar (baju dll).

lolok I; **melolok** mengintip, mengintai (musuh);

pelolok sl mata-mata; □ □ □ **luluk II.**

lolok II Ph lumpur;

berlolok berlumpur; □ □ □ **luluk I.**

lolok III; *air* ~ air berputar, air berolak.

lolok IV Tr bohong.

lolong, lolongan I bunyi suara yg keras dan panjang, jerit, raung (anjing dll): *dia mendengar ~ anjing yg semakin kuat;*

melolong meraung (anjing), menjerit, memekik (spt perempuan meratap): *anjing itu ~ semalam-malaman; ia ~ apabila mendengar berita buruk itu;*

terlolong-lolong menangis terjerit-jerit, terpekik-pekik.

lolong II 1. sj ikan laut, selar kuning jantan, *Caranx boops*; **2.** sj ikan laut, *Selar spp.*; ~ bara sj ikan laut, *Priacanthus spp.*; ~ batu *Myripristis spp.*; ~ hijau sj ikan laut, sebekah karang, *Myripristis murjan*; ~ putih, *Selar crumenophthalmus*.

lolor Kl lekas, segera.

lolos 1. lepas dr tempatnya (spt cincin dr jari atau gelang dr tangan), lucut; **2.** lepas dr kurungan atau kepungan;

meloloskan 1. melucutkan atau menanggalkan sesuatu dr tempatnya; **2.** melepaskan atau membebaskan diri dr kurungan atau kepungan: *Mat Salleh berjaya ~ diri drpd dikepung oleh polis;*

pelolosan perihal (perbuatan dsb) lolos atau meloloskan.

lom (Geog) tanah gembur.

loma, lomah 1. sj ikan darat, *Thynnichthys thynnoides*; **2.** sj ikan darat, *Labiobarbus ocellatus*.

lombar Mn; melombar 1. menghulur (tali dll); **2.** ki mengikut kesukaan (kehendak anak dll).

lomber (lombér) Kl lanjut, labuh, berkedut-kedut.

lombok cili, cabai.

lombol (Suk) salah satu acara dlm gimnastik; ~ *bergalah* acara yg menggabungkan larian dan lompatan melewati palang dgn menggunakan galah, yg berakhir dgn pendaratan di atas tilam; lompat (ber)galah.

lombong 1. dalam (pinggan, mangkuk, dll), jeluk; *pinggan* ~ pinggan dalam; **2.** lubang dlm tanah tempat menggali bijih logam, tambang;

~ *dedah* (Geo) lombong yg lubangnya besar dan terbuka ke atas (dikerjakan dgn menggunakan kapal korek dan bomba palung); ~ *tebuk* lombong yg lubangnya tegak atau melintang dan sangat dalam (utk menggali timah sampai ke uratnya); *anak* ~ pekerja lombong;

melombong menggali lombong utk mendapatkan bijih logam: *kapal korek digunakan utk ~ bijih timah di kawasan yg besar-besar*;

perlombongan 1. pekerjaan melombong: *jabatan itu akan membimbing orang Melayu dlm lapangan ~*; **2.** tempat melombong: *di negeri itu terdapat tanah ~ yg kaya*;

pelombong orang yg mengusahakan lombong, tuan punya lombong: *bijih timah menyebabkan ramai ~ dan saudagar bertumpu ke sana*.

lompang I 1. kosong: *dlm dadaku terasa ~*; **2.** gelembung atau ruang seni dlm sel (mengandung udara, air, dll);

lompangan lompang; ~ *udara* gelembung (ruang) yg mengandung udara.

lompang II 1. alat utk menumbuk beras dll; **2.** ark lesung; *kuih* ~ sj kuih (bentuknya spt lompang atau lesung) dibuat drpd tepung beras;

berlompang berlekuk.

lompang III 1. laras meriam; **2.** penjodoh bilangan bagi meriam.

lompat I perbuatan bergerak dgn cepat dgn mengangkat kedua-dua kaki dr tanah terus ke atas atau ke depan, loncat: *~nya jauh*;

~ (ber)galah (Suk) acara yg menggabungkan larian dan lompatan melewati palang dgn menggunakan galah, yg berakhir dgn pendaratan di atas tilam, lombol bergalah; *~ gagak* terjengket-jengket (berjalan); *~ jauh* (Suk) acara loncat jauh; *~ kangkang* lompat sambil membuka kedua-dua kaki; *~ katak* sj permainan kanak-kanak (meloncat, melampaui belakang orang); *~ kijang* (Suk) a) acara meloncat, melangkah, dan meloncat; b) loncat dgn melangkahi satu loncatan; *~ pagang* loncat melampaui gawang; *~ pagar* (Suk) perlumbaan melompat pagar oleh pelari, kuda, dll; *~ parti* keluar drpd keanggotaan sesebuah parti politik utk menyokong atau menganggotai parti politik yg lain; *~ sehari (dua hari)* selang sehari (dua hari), lat sehari (dua hari); *~ tali* a) meloncat ke kiri ke kanan tali yg direntang; b) meloncat tali yg dihayun dan dipusing (permainan kanak-kanak); *~ tinggi* (Suk) acara meloncat melampaui suatu rintangan yg dapat ditinggikan atau direndahkan; *se~ hidup, se~ mati* prb perihal orang sakit yg hampir maut (entah hidup entah mati);

berlompatan, berlompat-lompatan meloncat beramai-ramai, meloncat ke sana sini: *budak-budak itu ~ keluar apabila mendengar bunyi kereta; mereka ~ dan saling mengejar*;

melompat mengangkat kedua-dua kaki dr tanah dsb terus ke atas atau ke depan, meloncat: *ia ~ turun ke tanah*;

melompati 1. melompat melampaui, meloncati: *ia lari keluar dgn ~ pagar*; **2.** melompat (ke atas) kpd seseorang atau ke sesuatu, menerkam, menerpa: *dgn geram, ia ~ musuhnya*;

melompatkan menyebabkan (membawa) melompat, meloncatkan: *ia ~ kudanya ke dlm parit*;

terlompat 1. tidak sengaja (dgn serta-merta) melompat, terloncat: *tiba-tiba satu letupan kuat terdengar dan Datuk Ujang ~*; **2.** terdorong atau terkeluar (perkataan dll): *tetapi tidak pernah rahsia itu ~ drpd mulutnya, walau dlm berhandai-handai sekalipun; perkataannya ~ terlanjur mengatakan sesuatu, terdorong perkataan;*

terlompat-lompat sl melompat-lompat: *maka dua ekor kijang itu datang ke hadapan rumah Seri Rama ~ dan tertari-tari;*

lompatan 1. tempat melompat; *~ harimau* tempat harimau melompati anak air; **2.** barang apa yg dilompati (pagar, rintangan, dll); **3.** jaraknya (tingginya) melompat: *ia menang dgn ~ enam kaki*; **4.** perihal melompat: *berbagai-bagai ~ telah dipertunjukkan di temasya olahraga itu;*

pelompat orang yg melompat (dlm sukan);

sepelompat, sepelompatan jarak satu lompat, sejauh orang dapat melompat.

lompat II; *~ tikam* Kl sj kuih drpd tepung beras (dimakan dgn kuah santan dan gula).

lompi seluruhnya, kesemuanya.

lompok ark; **berlompok-lompok** bertimbun-timbun, bertompok-tompok.

lompong I 1. kosong, hampa; **2.** ki bodoh, pandir;

melompong; *kosong ~ bp* kosong sama sekali atau keseluruhannya, hampa belaka; **lopung II.**

lompong II; *~ sagu* sj kuih yg dibuat drpd sagu dan pisang.

lonan, lonang sj buah, nona, *Annona reticulata*.

loncat I lompat dgn kedua-dua atau keempat-empat kaki bersama-sama (burung, katak, dll), lompat dgn ekor (ikan);

~ galah lompat galah; *~ jauh* lompat jauh; *~ tinggi* lompat tinggi;

berloncat melompat-lompat: *unggas berterbangan dan tupai ~ di atas pokok di dlm dusun itu;*

berloncatan, berloncat-loncatan melompat beramai-ramai, melompat ke sana sini: *kanak-kanak ~ di padang permainan itu;*

meloncat 1. melompat dgn kedua-dua atau keempat-empat kaki serentak: *setelah ia berundur beberapa langkah ke belakang, Datuk Ujang pun ~ naik; katak ~;* **2.** melompat ke atas dgn pantas, melenting: *ikan itu ~ keluar dr baldi;* **3.** ki beralih (berpindah) kedudukan dsb: *banyak antara mereka yg ~ ke pihak musuh;* **4.** ki meningkat tinggi: *harga getah ~ naik dlm tahun 1950 apabila pecah perang Korea;*

meloncat-loncat meloncat berulang kali;

meloncati meloncat melampaui, meloncat ke atas, melompat;

meloncatkan menyebabkan (membawa) meloncat, melompatkan;

terloncat terlompat, tidak sengaja atau tiba-tiba meloncat: *ia ~ mendengar letupan itu;*

terloncat-loncat meloncat-loncat; *~ bagai ulat pinang prb sangat gelisah (resah);*

loncatan 1. perbuatan meloncat: *mereka memperlihatkan ~ dgn kuda;* **2.** jaraknya (tingginya) meloncat: *ia telah mencapai ~ setinggi dua meter;* **3.** = batu ~ tempat meloncat: *ia menganggap kejayaan itu sbg batu ~ utk mencapai kejayaan yg lebih besar;*

peloncat orang yg meloncat (dlm sukan), pelompat.

loncat II Mn katak, kodok.

loncer (loncér) Jk tidak ketat (paku, skru, dll), longgar.

lonco I Jk; **melonco, melonco-lonco** melancong, bersiar-siar, berjalan bersenang-senang.

lonco II □ □ □ **pelonco.**

loncos I tirus ke hujung, lancip, runcing, runjung: *sepatu yg ~.*

loncos II licin (tidak berdaun, tidak berkain, tidak berwang), gondol;
telanjang ~ telanjang bulat.

londang lubang yg berlumpur (dlm tanah), kubang.

londar I kotoran (spt tanah, pasir, dll) yg ada dlm air dll; ~ *naga*
kelodak, tahi lombong; □ □ □ **lodak**.

londar II suatu garisan (lurus atau melengkung) yg dibentuk oleh titik-
titik yg mempunyai syarat-syarat yg sama.

londeh (londéh) = **melondeh** tanggal (lepas, lucut) ke bawah, (kain,
seluar, dll), melorot;

melondehkan menanggalkan (melepaskan, melucutkan) pakaian
dgn mengeluarkannya melalui kaki, melorotkan;

terlondeh tertanggal (terlepas, terlucut) ke bawah (kain, seluar,
dll), terlorot.

londong Mn; **melondong, melondongkan 1.** menghanyutkan; **2.** ki
membencanakan, membinasakan.

loneng (lonéng) Jk **1.** selusur (pd jambatan), kelek-kelek, langkan,
pemegang;

meloneng duduk-duduk membuang masa (di hadapan rumah).

loner (lonér) Kl buah nona.

long I sj peti mayat (yg tidak berlantai), keranda; ~ *kajang rungkup* dua
keping papan yg dijadikan bumbung penutup mayat di dlm liang;
papan ~ papan utk menutup lahad.

long II mercun besar.

long III 1. singkatan bagi sulung; **2.** nama timangan utk anak sulung;
bang ~ panggilan kpd abang yg tua; *kak* ~ panggilan kpd kakak yg
tua; *mak* ~ panggilan kpd ibu saudara yg sulung; *pak* ~ panggilan
kpd bapa saudara yg sulung.

long IV 1. lengkok, kelok; **2.** garisan yg berlengkok (berkelok); **3.** ibu
(induk) panah, busur panah.

longan sj tumbuhan (buahnya spt buah mata kucing tetapi lebih besar),
Euphoria longan.

longgak dongak.

longgar 1. tidak sempit, lapang (pakaian, lubang, dll): *seluar baru itu ~ sedikit; 2.* tidak ketat, mudah tercabut, mudah terlepas (paku, skru, jahitan, ikatan, dll): *jahitannya ~ dan kasar; tangannya memeluk ~ anak bongsunya di dada; 3.* ki tidak teguh, tidak erat (tali persaudaraan, persahabatan, dsb): *semenjak kejadian itu, persahabatan mereka mulai ~; 4.* ki tidak mengikat kuat (aturan, syarat, undang-undang, dsb), tidak sangat terbatas, tidak ketat, kendur: *hutang lapuk disebabkan oleh cara pemberian, cara kawalan dan cara pentadbiran wang kerajaan dan syarikat yg ~ dan tidak teratur;*

~ sendat, lapang bertukul prb berpura-pura menerima sesuatu kebenaran tetapi sebenarnya menolak kebenaran itu; *sempit lalu, ~ ditokok* prb di negeri yg miskin penduduknya rajin-rajin dan di negeri yg makmur penduduknya malas;

melonggari menolak atau menambah supaya longgar (pakaian dll): *kalau tidak dilonggari, seluar itu tidak dapat dipakai lagi; utk menambah ahli, syarat-syarat utk masuk pertubuhan itu mesti dilonggari;*

melonggarkan 1. menjadikan longgar atau tidak ketat (bkn pakaian, skru, paku, dll): *ia ~ skru itu; menggali atau membajak akan ~ tanah; 2.* mempermudah (syarat-syarat, cara pembayaran, dsb), meringankan (aturan, undang-undang, dsb): *larangan membakar mercun dilonggarkan pd malam itu; 3.* meluangkan (waktu dsb);

memperlonggar menjadikan lebih longgar;

kelonggaran 1. perihal longgar: *utk mencegah ~, skru itu harus diketatkan; pertolongannya itu bererti memberi ~ juga kpd isterinya*; 2. menjadi longgar: *semua pakaiannya ~ kerana badannya yg semakin susut itu*;

pelonggaran perihal melonggarkan (pakaian, skru, dll, meluangkan waktu dsb, mempermudah syarat-syarat dsb, meringankan aturan dsb).

longgok himpunan (buah, padi, sampah, dll), ongkok, timbun, tompok: *buah itu sepuluh sen se~*;

berlonggok, berlonggok-longgok berhimpun, berongkok(-ongkok), bertimbun-timbun, bertompok-tompok: *kain baju yg belum bercuci berlonggok-longgok; beberapa orang pekerja duduk berlonggok-longgok di situ*;

melonggokkan menghimpunkan, menimbunkan, menompokkan: *nasi dilonggokkan di dlm daun itu*;

longgokan himpunan, timbunan, tompokan: *lalat banyak hinggap di ~ sampah itu*;

pelonggokan perihal (proses atau perbuatan) melonggokkan, penimbunan: *~ sampah sarap di tepi jalan tentunya menjelikkan pemandangan*.

longgor Jk lekas besar dan tinggi badannya, bagur.

longitud (Geog) garis yg seranjang dgn khatulistiwa pd peta, garisan bujur.

longkah mudah ditanggalkan isi drpd biji (bkn buah), lekang: *rambutan ~*;

terlongkah tertanggal: *jilidnya ~, lembaran buku itu bersepah di lantai*.

longkai panjang runcing (jari).

longkang I parit, limbahan.

longkang II lebar atau luas kain.

longkom lengkung; □ □ □ **mungkum**.

longlai 1. lemah lembut (gerakan tubuh dll) terliuk-liuk, gemulai: *tangannya melambai ~*; **2.** tidak bermaya, lemah; *lemah ~ lemah gemulai*.

longlang; ~ *burung jawa* sj permainan kanak-kanak, pak-pak lang.

longo Jk; **melongo** terbuka mulut (kerana hairan dll), ternganga, tercengang: *ibu ~, bapa berdiri sambil mengerutkan keningnya, kami semua bingung*.

longok Jk; **melongok** menengok, menjenguk; □ □ □ **langak**.

longong Jk; **melongong, terlongong-longong** ternganga, tercengang-cengang.

lonjak perbuatan melompat ke atas (dgn kedua-dua belah kaki); ~ *bagai labu dibenam* prb angkuh, sombong; *spt ~ alu penumbuk emping (padi)* prb perihal berjalan dgn kakak (sombong);

berlonjak-lonjak melompat-lompat keriang: *budak-budak itu ~ di kerusi belakang*;

berlonjakan berlonjak-lonjak: *budak-budak itu ~ menyambut kepulangan ibu mereka*;

melonjak 1. melompat ke atas (dgn kedua-dua belah kaki) utk mencapai sesuatu: *ia ~ hendak memetik buah itu*; **2.** melambung (bola dll): *raksa dlm buli-buli itu akan mengembang dan ~ keluar ke dlm batang jangka suhu*; **3.** ki bercakap sombong, menyombong; *cakap ~ cakap besar (meninggi)*; **4.** ki bertambah (tinggi dll): *pd masa kekasihnya tiba itu perasaan gembiranya ~*; **5.** melompat naik, meningkat naik dgn tiba-tiba (harga dll): *harga getah ~ naik kerana bekalan getah sangat kurang; dr kerani dia ~ jadi pegawai daerah; harap hendak ~, kopiah pesuk* prb kerana hendak hidup mewah habis terjual harta benda;

melonjak-lonjak 1. melonjak beberapa kali (kerana kesukaan dll): *budak-budak itu ~ apabila mendapat hadiah masing-masing*; **2.** ki meluap, menjadi-jadi (kegembiraan, keinginan, dll): *keinginannya hendak pergi ke sana sudah ~ sekarang*;

melonjalkan menjadikan (menyebabkan) melonjak;

terlonjak 1. melonjak dgn tiba-tiba (kerana kesukaan dll): *melihat kemewahan kawannya itu, ~ suatu perasaan baru di dadanya; ~ rasa semangat terlampau (terlalu) gembira; hati ~ terlalu suka (girang) hati*; **2.** menjadi sombong (oleh kedudukannya, pangkatnya, dll);

terlonjak-lonjak melonjak-lonjak, terkinja-kinja, terloncat-loncat;

lonjakan 1. perbuatan melonjak; **2.** ki (bkn perasaan) dorongan atau desakan yg kuat utk mencapai (mendapatkan sesuatu): *~ rasa utk mencapai gading di menara menjadikan dia berusaha sehingga berjaya ke universiti*;

pelonjakan perihal (proses atau perbuatan) melonjak atau melonjalkan: *mungkinkah itu merupakan suatu proses ~ dlm pucuk pimpinan politik?; pengukuhan ringgit akan diberi ~*.

lonjong I 1. makin ke atas makin runcing (bentuk rumah, atap, dll), runjung: *songkoknya tinggi dan kecil ke atas, ~ bentuknya*; **2.** Jw bulat bujur, bulat panjang: *kepalanya ~*.

lonjong II Tr tinggi.

lonjor Jw batang (sbg penjodoh bilangan bagi benda yg panjang).

lonsong Mn; **terlonsong** terdorong, terlanjur: *kata sudah ~*;

lonta; terlonta-lonta selalu dlm kesusahan (penderitaan): *negara angkat hanya sudi mengambil mereka yg terpelajar sedangkan yg jembel, kebanyakannya buruh kasar dan nelayan, terus ~ di sini*.

lontai ark; **melontai** melentok, melentur, mengelok (garis dll).

lontak Pl bohong.

lontar I; ~ *lembing* (*cakera dll*) (Suk) pertandingan melemparkan lembing (*cakera dll*);

berlontaran berlempar-lemparan;

melontar melempar, membaling: *ia ~ lembu itu*; ~ *jamrah* melontar batu di Mina (satu kewajiban dlm mengerjakan haji);

melontari melontar berkali-kali atau dengan banyaknya;

melontarkan menggunakan sesuatu untuk melontar, melemparkan: *ia ~ puntung rokoknya ke tanah*;

lontaran hasil perbuatan melontar: ~ *panah*;

pelontaran perihal (perbuatan dsb) melontar;

pelontar 1. alat dll utk melontar: *batunya ada besar dan kecil, yg kecil ~ balam*; **2.** orang yg melontar, pembaling, pelempar: ~ *lembing*;

sepelontar, sepelontaran sejauh yg dapat dilontarkan.

lontar II 1. sj tumbuhan (palma) yg daunnya digunakan sbg kertas tulis, pohon siwalan, tah, tai, tal, *Borassus flabellifera*; *subang* ~ subang yg dibuat drpd daun lontar; **2.** ark naskhah lama (drpd daun lontar).

lonte (lonté) Jw pelacur, sundal.

lontok pendek dan besar; *tua* ~ tersangat tua.

lontong Jw sj makanan berkuah yg isinya termasuk nasi himpit dan sayur-sayuran (spt sengkuang, kubis, dsb).

lontos lurus dan tidak berkepala (tiang dll).

lonyai 1. Kd berlumpur, becak; **2.** renyuk, kerumuk; **3.** lembik, benyai (nasi dll).

lop IB laras senapang.

lopak I lubang di tanah yg berisi air, kobakan: *lubang-lubang air atau* ~ ~ *~ hendaklah ditimbus*;

berlopak, berlopak-lopak berlekuk-lekuk (berlubang-lubang) dan berisi air: *tempat itu ~ dan becak.*

lopak II Mn petak sawah.

lopak III = lopak-lopak bekas utk menyimpan tembakau (sirih dll) yg diperbuat drpd kayu, anyaman daun pandan dsb.

lopak IV; *~lapik* tidak tetap, kacau, kelam-kabut.

lopek (lopék) sj perahu kecil.

loper IB, bp pengantar surat (bil dll).

lopes (lopés) I sj kueh yg dibuat drpd pulut (digaul dgn kelapa parut dan dimakan dgn air gula).

lopes (lopés) II; *ikan ~* sj ikan darat, belida, *Notopterus spp.*

lopong I sj kueh; □ **lompong II.**

lopong II kosong;

melopong ternganga (mulut): *ia tercengang, matanya terbebelek, mulutnya ~;*

melopongkan mengangakan (membukakan) mulut;

terlopong ternganga (terbuka) mulut; **lompong I.**

lor I Jw utara.

lor II Kl besar tinggi badan tetapi umur masih muda (orang).

lorah sj alat utk menaikkan atau menurunkan barang-barang, kapi, kerek, takal.

lorat ark **1.** dlm kebingungan, dlm kesulitan, dlm kesibukan; **2.** sukar mengerjakan sesuatu, susah, rewel; **3.** teruk, tenat, payah (keadaan orang sakit).

lorek (lorék) **1.** = **lorekan** jalur-jalur, barik-barik, coreng panjang (corak kain, kulit ular dll): *kehalusan ukiran dan lorekan khatnya itu sangat sukar ditandingi*; **2.** = **berlorek**;

berlorek bergaris, bercoreng: *bahagian yg ~ itu menunjukkan kawasan tanah tinggi*;

melorek menggaris, mencoreng, mencoret: *bahagian yg menunjukkan tanah tinggi dilorek supaya jelas.*

loreng (loréng) berjalur-jalur, bercoreng-coreng; *harimau (macan) ~ harimau tunggal; kuda ~ kuda belang;*

berloreng-loreng banyak lorengnya, bercoreng-coreng, berjalur-jalur.

lori I sj kenderaan besar utk mengangkut barang-barang di darat: ~ *balak*; ~ *hantu lori* yg beroperasi di tapak binaan, ladang dsb tanpa cukai jalan, insurans dsb.

lori II sj burung nuri.

lornyet (lornyét) IB cermin (kaca) mata sepet (tidak bertangkai).

lorong I jalan (biasanya ada rumah di kiri kanannya), jalan kecil: *sepanjang ~ itu orang tidur di kaki lima;*

berlorong mempunyai lorong: *kawasan perkampungan yg ~ kecil;*

melorongkan 1. mengarahkan, memandu, menunjukkan jalan: *kelong mempunyai dua petak, petak luar ~ ikan masuk ke petak dalam;* **2.** mengabulkan, meluluskan (permintaan dll): *permintaan mereka dilorongkan Tuhan.*

lorong II Mn ark berkenaan dgn, mengenai, tentang.

lorot; melorot 1. melungsur turun, merosot, turun (pangkat, harga barang, dll): *kain selimutnya sudah ~ ke bawah pinggangnya;* **2.**

Jw menghilangkan lilin pd kain batik selepas diwarnai;

melorotkan melungsurkan turun, menurunkan (pangkat, harga, dll);

terlorot melorot dgn tidak terkawal: *sese kali saya hampir ~ juga jika tidak sempat menyambar akar di lereng bukit itu.*

los I IB **1.** kapal yg memandu kapal lain masuk ke pelabuhan, kapal mualim; **2.** bangsal.

los II IB, bp lepas, bebas;

diloskan dilepaskan, dibebaskan, dibiarkan.

los III Ar sj buah, badam.

lose (losé) IB kelas yg terbaik di panggung wayang dll.

losen (losén) sj cecair yg disapukan pd kulit, dititikkan ke dlm mata, dsb;
~ *bayi (badan, tangan, dsb)* losen yg dicipta khas utk disapukan
pd bayi (badan, tangan, dsb);

berlosen mengandungi losen: *syampu* ~;

melosen menyapukan losen pd: ~ *bayi*.

loseng (loséng) bahagian alat tenun tempat menggulung benang.

losmen (losmén) IB rumah penginapan, rumah tumpangan.

loso Jw ark = **meloso**, **ngeloso** membiawak, merangkak (dada kena pd tanah), menjalar (spt ular), berbaring bergerak-gerak (kerana kesakitan).

losong I; *kurap* ~ sj penyakit kulit.

losong II ark; ~ *kosong* kosong sama sekali.

lot I bidang tanah.

lot II surat undi, undi;

dilot bp diundi.

lot III bilangan tertentu yg standard dlm urus niaga sekuriti (saham) yg bersamaan dgn 1000 unit: *dia berjaya membeli enam ~ saham syarikat itu pd harga RM 1.60 seunit*.

lota I bekas air yg dibuat drpd logam.

lota II sudah menjadi lembik (kertas, pakaian, dll).

lotah sj tarian Melayu.

lote; (loté); *comel* ~ Kl cantik sungguh.

lotek (loték) I ark sj gala-gala utk menutup lubang pd kayu (perahu dll),
dempul.

lotek (loték) II Kl sangat letih, lesu.

loteng (loténg) **1.** tingkat rumah yg sebelah atas; *kamar* ~ bilik di tingkat atas rumah; **2.** langit-langit rumah (dibuat drpd papan).

loteri **1.** undian; **2.** = *tiket* ~ surat (kertas) undian (utk menentukan orang yg bernasib baik utk menerima hadiah dsb): *datang fikirannya utk mencari wang itu dgn jalan membeli* ~; *kena* (*menang, mendapat, putus*) ~ a) mendapat wang (barang, keuntungan, dsb) drpd undian; b) beruntung besar; *mencabut* (*menarik*) ~ a) membuka undian, mengundi; b) menang dlm undian;

meloterikan mengundikan.

lotik (Bio) berkaitan dgn atau mendiami air tawar yg mengalir (deras): *habitat* ~.

loto sj judi yg berdasarkan persamaan nombor yg dicabut dgn nombor pd kad.

lotok mudah ditanggalkan isi drpd biji (buah-buahan), lekang, longkah.

lotong I **1.** sj kera yg berekor panjang; ~ *Bangkatan, Nasalis larvatus*; ~ *ceneka, Presbytis melalophos*; ~ *cengkung* = ~ *bercelak, Presbytis obscura*; ~ *kelabu, Presbytis cristata*; **2.** hitam; *hitam* ~ sangat hitam, hitam sungguh; ~ *kekah kumput jarinya, kembang segah ketul jadinya* prb kesusahan itu akhirnya akan mendatangkan kesenangan.

lotong II pelacur; □ **loktong**.

lotong III sj tumbuhan (pokok), *Nephelium eriopetalum*.

lotong IV sj rojak.

lotong V = *ekor* ~ sj senapang kuno.

lotot Jk; **melotot** membuka mata lebar-lebar, membelalak: *mata Amir* ~ *kpd perajurit itu*;

melototkan membuka mata besar-besar: “*Kamu siapa?*” *balasnya* ~ *mata, ingin melawan*.

Lotud suku kaum peribumi di Sabah dlm rumpun kaum Kadazan Dusun, kebanyakannya tinggal di daerah Tuaran, dan lebih suka menamakan diri mereka sbg Suang Lotud.

lowong tidak ada yg menduduki (jawatan, pangkat, tugas, dsb), terluang, kosong;

melowongkan mengosongkan (jawatan, pangkat, dsb), meluangkan;

lowongan jawatan (pekerjaan) kosong: *tahun hadapan akan terbuka banyak ~ kerja di jabatan itu;*

kelowongan keadaan lowong, kekosongan: *akan tetapi ~ itu diisi dgn pengarang-pengarang baru yg berbakti.*

loya = **meloya** berasa hendak muntah, muak, mual: *tekaknya ~ menjamah kuih-kuih itu;*

meloyakan menyebabkan berasa hendak muntah: *kotoran di tepi jalan itu sungguh~;*

peloya orang yg mudah berasa loya.

loyal bp taat, setia.

loyang **1.** aloi tembaga dan zink; **2.** Jk sj talam besar (dibuat drpd kangsa atau tembaga); **3.** bekas yg dibuat drpd aluminium atau zink, biasanya digunakan utk mengisi adonan kuih spt seri muka dan apam yg hendak dikukus; **4.** acuan kuih; *kembang* ~ ark sj bubur dibuat drpd tepung beras dan gula; *kuih* ~ sj kuih (dibuat drpd tepung beras, santan, dan gula) yg digoreng dgn acuan tembaga, kuih goyang, kuih ros.

loyar I bp peguam; ~ *buruk* orang yg suka berdebat (pandai bertikam lidah) dan mengobrol (beromong kosong); ~ *keledak* loyar buruk.

loyar II Jk royal.

loyo Jk **1.** sangat penat, sangat lemah; **2.** = **meloyo** ark berasa hendak muntah, loya, mual.

loyong; meloyong jatuh melayang-layang, berjalan terhuyung-huyung.

loyor I □ **keluyur**.

loyor II Kl merasa hendak muntah, loya.

lozeng (lozéng) pil yg dihisap sehingga larut.

LPIP kep Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

LPK kep Lembaga Pelabuhan Kelang.

LPN kep Lembaga Padi dan Beras Negara.

LPP kep Lembaga Pertubuhan Peladang.

Lr simbol kimia bagi lawrensium.

Lrg. kep Lorong.

LRT *Light Rail Transit* (Transit Aliran Ringan, iaitu sj rangkaian kereta api penumpang yg menggunakan kuasa elektrik yg beroperasi di bandar raya Kuala Lumpur dan juga di kawasan sekitarnya).

LSD kep *lysergic acid diethylamide* (iaitu sj dadah berbahaya yg mengkhayalkan).

Lt. kep Leftenan.

LTK kep Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu.

Lt. Kol. kep Leftenan Kolonel.

lu I C kamu, engkau.

lu II; *raga* ~ bakul padi; □ **lau IV**.

Lu simbol kimia bagi lutetium.

luagan Br kawasan takungan air yg dikelilingi daratan (kecil sedikit drpd tasik).

luah; meluah 1. merasa hendak muntah, meloya; **2.** muntah;

meluahkan 1. mengeluarkan drpd mulut, memuntahkan; **2.** ki mengeluarkan, melahirkan: *ia ingin ~ hasrat yg telah lama terpendam; saluran ini juga membolehkan para pekerja ~ perasaan geram dan tidak puas hati; dimakan mati emak*

diluahkan mati bapa = hendak ditelan termengkelan, hendak diluahkan tiada keluar prb dlm keadaan yg serba salah;

terluah diluahkan, dilahirkan, diungkapkan: *banyaklah kenangan lama ~ satu demi satu;*

luahan **1.** sesuatu yg diluahkan (dimuntahkan dsb); **2.** kata-kata (perasaan dsb) yg dikeluarkan atau dilahirkan: *sbg orang lama dlm kerajaan dan parti, ~ Encik Ghafar ini merupakan rasa kecewa beliau terhadap golongan tersebut; ~ emosi;*

perluahan tempat atau bekas utk meluahkan: *maka tanah itu diludahkannya ke dlm sebuah ~;*

peluahan perihal (proses) meluahkan sesuatu (perasaan).

luak I susut, berkurang: *makanan yg dihidangkan sedikit pun tidak ~;*

meluak, meluaki menyusuti, mengurangi;

meluakkan menjadikan luak, mengurangkan, menyusutkan.

luak II ark **meluak** meluah, meloya.

luak III Mn daerah, jajahan.

luak IV Jw musang, *Paradascursus spp*; *kopi* ~ biji kopi yg diperoleh dlm tahi musang.

luak V Mn perigi, telaga, sumur.

luak VI Mn, sr utk menghalau lembu.

luan (Marin) bahagian perahu (sampan, kapal dsb) yg paling hadapan, haluan.

luang I **1.** ruang yg kosong, kelapangan, lowong; **2.** kekosongan pekerjaan, lowong: *~ dan lubang kerja cukup banyak;* **3.** kesempatan (baik): *kalau ada ~ saya akan pergi ke rumah awak;*
meluangkan mengosongkan (tempat dll), melapangkan (masa dll): *walaupun sibuk, ia sentiasa ~ masa utk kanak-kanak;*

terluang 1. kosong, lapang, terbuka (tempat dll): *stadium itu penuh sesak tidak ada tempat ~*; **2.** ki tidak ada yg menduduki (jawatan, pekerjaan, dll), kosong, lowong: *tiada pekerjaan yg ~ di pejabat itu*; **3.** tidak sibuk, senggang: *setiap waktu ~ mereka berbual*; **4.** tidak bertutup, terbuka (langkah, jalan, dll): *itulah sahaja langkah yg ~ baginya*;

keluangan kelapangan, kesempatan: *itu pun dr kalangan mereka yg mempunyai ~ masa serta bersetuju dgn pimpinan parti politik yg diceburi*;

peluang kesempatan baik, ketika yg baik: *kalau ~ ini dilepaskan, mungkin seumur hidup ia akan menyesal*.

luang II Jk; **meluang** berasa tidak sedap badan, berasa hendak demam.

luang III reda (ribut, angin).

luap; meluap 1. mengembang kerana mendidih, meruap: *nasi itu telah ~*; **2.** tumpah kerana sangat penuh, melembak, melimpah: *pd musim hujan lebat, air sungai itu ~*; **3.** makin bertambah-tambah (perasaan, kemarahan, semangat, dsb), menghebat, menjadi-jadi, menyala-nyala: *tiba-tiba datang keinginan yg ~ hendak pulang ke kampung halaman*;

meluap-luap bergelora dgn amat sangat (bkn perasaan, semangat dsb), berkobar-kobar, berapi-api: *timbul ~ kemarahannya terhadap budak itu; rasa bencinya terhadap penjajah ~*; *azamnya utk menjadi seorang pemuzik profesional ~*;

meluapkan menjadikan meluap: *perasaan geram dan tidak puas hati jika dipendamkan boleh ~ perasaan marah*;

luapan hasil perbuatan meluap(kan): *~ amarah yg membuak dlm dadanya sudah dapat ditenangkan*;

peluapan perbuatan meluapkan: *~ semangat muda Mat Yasin*.

luar lwn (bahagian) dalam: *terdengar bunyi ketukan dr ~; kulit ~; orang ~;*

~ bandar daerah yg jauh dr bandar, kampung, desa; *~ batas* melampaui (melebihi) batas; *~ bicara* tidak masuk dlm pembicaraan (perbincangan, perhitungan); *~ dalam* a) bahagian luar dan bahagian dalam; b) lahir batin; *~ dugaan* tidak disangka-sangka; *~ janji* tidak masuk dlm janji; *~ kepala* Id dgn ingatan (tidak usah ditulis atau melihat tulisan), hafaz; *~ kira* luar bicara; *~ negeri* = *negeri ~ negeri* asing; *~ nikah* (perhubungan jenis) yg tidak halal; (*orang*) *~ pagar* (orang yg) tidak kena-mengena (tidak bersangkut paut); *~ pantai* luar pesisir; *~ pesisir* a) terletak di laut tidak berapa jauh dr pantai (bkn kedudukan sesuatu, mis pulau, pelantar minyak dll); b) (Eko) beroperasi atau berdaftar di luar negara kerana cukainya lebih rendah, peraturannya lebih longgar dll (bkn bank, pelaburan, syarikat dll); *~ sangkaan* tidak disangka(-sangka); *~ talian* (Komp) sifat peranti sokongan atau sistem yg tidak lagi tersambung atau tidak lagi dikawal terus oleh sistem utama;

di luar 1. di bahagian luar, di sebelah luar: *keadaan ~ bertambah sunyi dan gelap*; 2. tidak masuk (perkara, perhitungan, tanggungan, dll), kecuali, tidak diliputi (terliput) oleh, lain drpd: *budak-budak nakal itu melepaskan kata-kata yg ~ pengalaman mereka; kejadian itu ~ pengetahuannya;*

~ kepala Id luar kepala; *~ dugaan* tidak terduga sama sekali (tidak tersangka-sangka); *~ pembicaraan* tidak masuk dlm pembicaraan;

ke luar ke sebelah luar;

meluar menyembul keluar, menonjol keluar;

meluarkan 1. tidak memasukkan ke dlm golongan (perhitungan dll), mengasingkan, mengecualikan, menyingkirkan; 2. menyuruh keluar;

luaran 1. = *orang* ~ orang asing, orang lain; 2. sl orang yg tidak masuk dlm golongan istana, orang keluaran; 3. = *negeri* ~ negeri asing; 4. yg tampak sahaja, lahiriah: *pd ~nya sahaja kita dipaparkan dgn kenakalan Umar Umaiyah*;

peluaran; *dunia* ~ dunia luar; □ **keluar**.

luar biasa tidak spt yg biasa, tidak sama dgn yg lain, istimewa: *mendapat sambutan yg ~*;

keluarbiasaan perihal luar biasa, keistimewaan: *apabila ia terkejut, hairanlah ia akan ~ mimpinya itu*.

luas 1. tidak sempit, lapang, lebar: *tanah di belakang rumahnya ~*; 2. besarnya sesuatu kawasan, besarnya sesuatu permukaan (hasil drpd panjangnya didarabkan dgn lebarnya): *~ kebun itu ialah tiga hektar*; 3. ki tidak sempit (pengetahuan, pengertian, dll): *pengetahuannya sangat ~*; *perkataan tersebut mempunyai erti yg sangat ~*; 4. tidak terbatas (pemandangan), lantang; 5. besar atau banyak (pengalaman, kesempatan, perbincangan): *di dlm buku itu, dibincangkan tujuan pendidikan dgn ~*; *kesempatan utk mengecap pelajaran tinggi terbuka lebih ~ kpd rakyat umum*;

seluas-luasnya paling luas;

meluas menjadi luas (banyak dll), bertambah luas, merebak: *penjajahan telah ~ mulai dr revolusi perindustrian di Eropah*; *perkembangan bahasa kebangsaan ~ sejak negara mencapai kemerdekaan*;

meluaskan menjadikan lebih luas (besar, banyak, dll), menambah dsb supaya menjadi lebih luas (besar dll), membesarkan: *kerajaan telah membuat rancangan utk ~ kawasan padi*;

memperluas menjadikan lebih luas: *mereka dihantar ke luar negeri utk ~ pengetahuan dan pemandangan mereka;*

keluasan 1. perihal luas: *dlm buku itu ditunjukkan bagaimana kedudukan dan ~ benua Australia dapat ditetapkan orang; ~ badannya kecil jika dibandingkan dgn isi padu binatang itu;* 2. kelapangan, kelonggaran, keringanan, kesempatan: *persatuan peladang itu telah mendapat ~ memiliki tanah seluas 28 hektar;*

perluasan perihal menjadi luas;

peluasan perihal atau perbuatan meluaskan atau memperluas: *kekurangan hasil penyelidikan sastera dan bahasa terasa sekali oleh para pengajar di sekolah yg sifat pelajaran tidak lagi merupakan ~ melainkan pendalaman soal;*

peluas orang (alat) yg meluaskan; ~ *lubang* alat utk meluaskan lubang.

luasa ark □ **leluasa**.

luat; meluat 1. berasa hendak muntah, meloya, meluah; 2. sangat benci, menyampah: *dia ~ menengok kelakuan budak itu;*

kemeluatan keadaan (perasaan) meluat: *dlm kebencian dan ~, aku tidak menafikan bahawa aku guru dan dia murid.*

luba Br sj tumbuhan (pokok), *Eugeissona spp.*

lubang 1. bahagian pd sesuatu (dinding, jarum, dll) yg boleh ditembusi sesuatu: ~ *jarum; ia mengintai dr sebuah ~ di dinding rumah itu;* 2. rongga: ~ *hidung; ~ telinga; ~ roma;* 3. lekuk di tanah dll: *jalan masuk ke tempat itu penuh dgn ~;* 4. bp peluang: *di bandar itu, ~-~ kerja cukup banyak;*

~ *angin* lubang (di atas pintu atau tingkap) utk angin keluar masuk; ~ *butang* lubang yg dibuat pd pakaian utk melekatkan butang; ~ *leleh* (S.bina) lubang kecil yg dibuat pd tembok penahan utk menyalurkan keluar air yg bertakung di belakang tembok

supaya tekanan berkurangan; ~ *lengan* lubang pd bahagian baju di pangkal lengan; ~ *mata* lubang di tengkorak vertebrat tempat terletaknya biji mata; ~ *roma* lubang pd kulit manusia dan binatang tempat peluh keluar;

barang siapa menggali ~ , ia juga terperesuk ke dalamnya prb barang siapa yg berniat jahat terhadap orang lain, ia sendiri akan mendapat kecelakaan; *gali ~ timbus ~* prb berhutang utk membayar hutang lama; *korek ~ ulat* prb sengaja mencari perselisihan (perbantahan, pertengkaran, dll); *masuk sebesar ~ penjahit, keluar sebesar ~ tabuh* prb besar belanja drpd pendapatan;

berlubang **1.** mempunyai (ada) lubang (dinding, jarum, dsb): *dinding rumahnya ~*; **2.** mempunyai (ada) lubang (rongga), berongga; **3.** berlekuk (tanah dsb): *jalan ke kampung itu ~ di sana sini*;

berlubang-lubang **1.** berlubang (dinding, jarum, dsb) di sana sini; **2.** berlubang (tanah dsb) di sana sini, berlekuk-lekuk;

melubang membuat lubang, menggerak, menebuk, menggali lubang;

melubangi membuat lubang pd, menebuk lubang pd, menggali lubang pd: *papan itu dilubangi utk dimasukkan skru*;

melubangkan **1.** menyebabkan berlubang (dinding dll): *tembakan sesat itu telah ~ dinding rumahnya*; **2.** menyebabkan berlubang (berlekuk), melekuukkan: *kenderaan berat yg lalu-lalang di situ telah ~ jalan baru itu*;

pelubang, pelubangan lubang yg dibuat di tanah utk menangkap binatang.

luber (lubér) Jw = **meluber** tumpah kerana penuh atau terlalu banyak, meluap, melimpah: *spt wadah ia menerima dan terjun dlm*

pergolakan hidup yg berbagai-bagai ragam, lalu meluber kembali ke segala penjuru.

lubuk 1. bahagian yg dalam di sungai (laut, telaga): *mereka menangkap ikan di ~ sungai itu; ~ pusar* bahagian sungai atau laut yg airnya berpusar deras dan dapat menarik benda (kapal kecil dsb) ke dlm bahagian tengahnya; **2.** ki lembah kesengsaraan, kancuh: *mereka mencari gadis-gadis utk dibawa ke ~ pelacuran*; **3.** ark dalam (pinggan, mangkuk, dll): *piring ~; ~ hati = ~ jiwa* dlm hati, batin; *~ akal lautan (tepian) ilmu = ~ akal lautan (tepian) budi* prb sangat luas dan banyak pengetahuan; *~ menjadi pantai, pantai menjadi ~* prb nasib seseorang itu tidak tetap; *batu jatuh ke ~* prb hilang lenyap tidak nampak-nampak lagi (orang yg meninggalkan tempatnya); *lain ~ lain ikannya* prb lain negeri lain adatnya; *tahu di dlm ~* prb tahu betul tentang kesulitan sesuatu perkara; *tentang ~ lepas tuba, tentang ikan akan mati* prb Mn menyampaikan sesuatu maksud (kehendak dll) biarlah tepat pd tempat dan waktunya.

lubur I ark □ **belubur I.**

lubur II ark □ **keluburan.**

lucah hina, keji, sangat rendah, tidak senonoh, tidak sopan: *kata-kata ~; perempuan ~ pelacur*;

kelucahan kecabulan, kehinaan, kekejian.

lucas □ □ **lucas.**

lucu membuat orang ketawa, menggelikan hati, jenaka: *mereka tertawa mendengar cerita yg ~ itu; kejadian itu sangat ~;*

melucu, berlucu membuat sesuatu yg menyebabkan orang ketawa, berjenaka, berkelakar: *ia cuba ~;*

kelucuan sesuatu yg menggelikan hati, kejenakaan, kelakar, lelucon: ~ yg timbul drpd kejadian itu menyebabkan bapa tersenyum;

pelucu orang yg sifatnya suka melucu.

lucup masuk ke dalam, hilang terbenam (orang menyelam dll); □ **lucut**
III.

lucur □ **luncur**.

lucut I; melucut terlepas drpd pegangan (genggaman dll), luncur;

melucuti **1.** mengambil senjata drpd genggaman, merampas: *mereka sendiri mahu dilucuti senjatanya*; **2.** ki melenyapkan atau merosakkan (maruah, kemuliaan, dsb): *dia berhati-hati berkata-kata supaya tidak menyakitkan pendengaran, melukai perasaan atau ~ kemuliaan orang lain; negara itu telah dilucuti taringnya*;

melucutkan **1.** menanggalkan (pakaian, perhiasan, dll), melepaskan (tali, ikatan, dll), meluluskan (gelang, cincin, dll): *dgn gopoh, ia ~ pakaiannya; ~ orang drpd bahaya maut; gelang emas di tangan dilucutkannya*; **2.** ki menarik balik, mencabut balik, memansuhkan; ~ jawatan memberhentikan (drpd jawatan), memecat; ~ kerakyatan menarik balik kerakyatan;

terlucut terlepas (drpd pegangan, genggaman, ikatan, dll): *kayu itu ~ drpd genggamannya; orang berhutang tidak ~ drpd tanggungannya selagi hutang belum dijelaskan*;

perlucutan pelucutan;

pelucutan perihal (proses, tindakan dsb) melucuti atau melucutkan: ~ senjata; ~ jawatan;

~ jawatan tindakan menarik balik (menggugurkan, membatalkan dsb) jawatan yg sedang disandang oleh seseorang, pemecatan; ~ senjata a) tindakan merampas atau menghapuskan senjata drpd seseorang atau sesuatu kumpulan; b) tindakan mengecilkan atau

mengurangkan kekuatan angkatan bersenjata oleh sesebuah negara;

pelucut alat utk melucutkan sesuatu; ~ *dawai* pelurut dawai.

lucut II; **melucut** melecet, melocak, mengelupas (kulit dll).

lucut III Mn hilang, lenyap;

melucutkan 1. melenyapkan, menghilangkan; 2. membencanakan, mencelakakan; **lucup**.

ludah = *air* ~ air yg keluar (drpd) dlm mulut, air liur;

~ *sirih* ludah yg berwarna merah (tatkala makan sirih); *tempat* ~ bekas utk menakung ludah;

berludah, **meludah** membuang ludah, mengeluarkan ludah: *dilarang* ~ *di merata-rata tempat*; *orang itu menyumpah-nyumpah*, ~ *dan memaki-maki*;

~ *ke langit (muka juga yg basah)* = ~ *naik ke langit, menimpa muka sendiri juga* prb melawan atau membantah orang yg berkuasa, kita juga yg susah; *sudah diludah dijilat balik* prb sudah dihinakan dimuliakan kembali, sudah dicela dipuji kembali;

meludahi meludah (berludah) pd: *aku dihina terang-terangan seolah-olah orang* ~ *mukaku*;

meludahkan 1. menyemburkan ludah; 2. meludah utk mengeluarkan sesuatu drpd mulut: *ia* ~ *air sirih yg sudah lama bertakung di dlm mulutnya itu*; *maka nanah itu diludahkannya ke dlm sebuah peluahan*;

peludahan bekas tempat meludah;

peludah orang yg selalu dan suka meludah.

ludai sj tumbuhan (pokok) famili Euphorbiaceae, guruh, mamah pelanduk, apid-apid (Sabah), *Sapium spp.*;

~ *api* sj tumbuhan (pokok), balik angin putih, maya-maya, memaya jawa, pipi, *Macaranga populifolia*; ~ *bulan* sj tumbuhan

(pokok), medang serai, mutan riba, perepat bukit, redan, tasai, *Misochocarpus lessertianus*; ~ *pelanduk* sj tumbuhan (pokok), kayu rulus, mamas-mamas pelanduk, mayang, memaya, *Sapium baccatum*.

ludang I; *sampan* ~ sj sampan; □ **seludang I**.

ludang II □ **seludang II**.

ludat sj tumbuhan (pokok), api-api daun lebar, api-api ludat, api-api putih, udat, *Avicennia officinalis*.

ludes Jk habis licin, habis sama sekali.

luding sj ikan laut, tenggiri kecil, *Scomberomorus spp.*

ludruk pertunjukan sandiwara dgn nyanyian dan tarian.

ludo sj permainan yg menggunakan buah dadu dan tagan di atas papan khas.

lugai; **melugai** Kd berasa hendak muntah.

lugar Kl tidak sedap perut kerana lapar dll, mual.

lugas; **melugas** berasa hendak tersedak.

lugu I ark berasa senang, puas, kenyang.

lugu II Jw ark bersahaja, sewajarnya.

lugu III Pr jemu, jelak.

lugut Jw miang.

luhak Mn □ **luak III**.

luhur mulia, tinggi, agung: *moga-moga cita-citanya yg ~ itu dikabulkan Tuhan*;

meluhurkan mengagungkan, memuliakan, menghormati: ~ *tanah air*;

keluhuran keagungan, kemuliaan, kebesaran: *kekuatan puisi Amir Hamzah, kecuali dlm ~ angan yg dibeberkannya, terletak dlm kerapian bentuk*.

luih I Jw lebih.

luh II □ **luik**.

luik; meluik **1.** mengeluarkan benda drpd dlm mulut; **2.** berasa hendak muntah; **3.** meleleh keluar (benda yg likat).

luing I sj tumbuhan (pokok), ara bumbung, ara lepong, ara sungai, seniah, senil, *Ficus hispida*; **leluing**.

luing II sj lipan, lintibang, pesan-pesan.

lujur □ **jelujur I**.

luka **1.** belah (cedera, lecet, pecah) pd kulit sebab kena potong, kena tembak, dll: *~nya sangat dalam*; *~ parah* luka yg sangat besar, luka yg sangat berbahaya; **2.** mengalami cedera (pecah, lecet pd kulit) sebab kena potong, kena tembak, dll: *tangannya ~ kena kaca*; **3.** ki sakit, pedih (perasaan) kerana kecewa: *hatinya ~*; *~ bakar* Id luka sebab kena api; *~ hatinya = hatinya ~* ki sakit hatinya;

~ sudah hilang parutnya tinggal juga prb sungguhpun orang yg berselisih (berbantah) sudah berdamai kembali, keadaan berikut tidak akan spt keadaan sediakala; *lain ~ lain menyiuik, lain sakit lain mengaduh* prb orang lain yg membuat salah, orang lain yg berasa (susah dll); *siapa ~ siapa menyiuik, siapa sakit siapa mengaduh* prb orang yg berasa tersindir, dialah yg membuat sesuatu yg disindirkan itu; *takkan serik ~ dimakan tajak, esok lusa ke bendang juga* prb kesukaran dlm sesuatu pekerjaan tidak akan menghalangi seseorang mengerjakannya utk mencari nafkah;

berlukaan sl mendapat luka-luka: *kedelapan hulubalang itu bertetakan pedang dan bertikam tombak, seorang pun tiada ~*;

berluka-lukaan sl saling mendatangkan luka (pd lawannya dll): *maka Bugis melawanlah lalu bertikam ~*;

melukai 1. mendatangkan luka pd; ~ *musuh* mendatangkan luka pd musuh; **2.** = **melukakan** menyakiti (hati): *sindiran yg ~ hati dihamburkan kepadanya; ~ hati menyakiti hati;*

kelukaan kedukaan kerana kecewa: *kau begitu teguh menghadapi ~ dlm menjalani kehidupan.*

lukah I sj alat utk menangkap ikan (yg membolehkan ikan masuk tetapi tidak boleh keluar), bubu: *dilihatnya orang mengambil ikan drpd ~nya;*

~nya mengena ki tipu muslihatnya berhasil; *menahan* ~ memasang lukah;

bagai ~, tak penuh oleh air prb perihal budak yg tidak berasa kenyang (selalu hendak makan sahaja); *bagai menyandang ~ tiga* prb menjalankan (melakukan) pekerjaan yg sukar sungguhpun tidak berat; *memasang (menahan) ~ di penggentingan* prb mencari keuntungan dr kesempitan (kesukaran) orang;

melukah menangkap ikan dgn lukah.

lukah II; melukah menampakkan kemaluan (apabila tidak kemas memakai kain atau seluar, apabila duduk dgn tidak tertib).

lukat = **melukat** lekat (sesuatu yg melekat).

lukih sj tumbuhan (herba), condang, kacunda, kecondong, likir, *Tacca pinnatifida.*

lukis; pandai ~ ark orang yg pandai membuat gambar, pelukis, tukang lukis; *seni* ~ (hasil) kecekapan menggambar yg elok-elok;

melukis 1. membuat gambar, peta, dsb (dgn menggunakan pensel, pensel warna, cat air, cat minyak, dsb): *dia suka ~ pemandangan yg indah-indah;* **2.** merupakan dgn gambar, menggambarkan: *dia ~ sebuah bulatan;*

melukiskan ki **1.** membayangkan, menampakkan: *bibirnya ~ senyuman*; **2.** menceritakan (mengisahkan) hal sesuatu, membentangkan: *rencana itu ~ penderitaan yg dialami rakyat*;

terlukis **1.** terbayang, tergambar: *~ dlm kepalanya kesibukan kota London itu*; **2.** teriwayat, terceritakan;

lukisan **1.** hasil melukis, gambar(an): *~ cat minyak*; **2.** ki keterangan (cerita, huraian, dll) yg menggambarkan sesuatu hal;

pelukisan perihal melukiskan: *pengarang sastera sejarah mengisahkan ~ peristiwa-peristiwa yg disaksikannya sendiri*; *cara ~ watak dan peristiwa dlm novel ini lurus dan tidak mengarah kpd simbolisme*;

pelukis orang yg (kerjanya) melukis, tukang lukis.

luks IB (barang-barang) mewah: *dia tidak mampu membeli barang ~*.

luku I Jw bajak, tenggala;

meluku membajak: *kembalilah pula tenaga mereka yg besar utk mencangkul, ~, menebar, menyang, memotong*.

luku II; **meluku** mengetuk dgn buku jari, menyekeh.

lukup □ **lungkup, telungkup.**

lukut I **1.** sj tumbuhan (pokok), jejoh, jirak, jirik, medang melukut, merpadi paya, *Symplocos fasciculata*; **2.** Br sj tumbuhan (paku), *Platyserium spp.*

lukut II □ **melukut I.**

lulai sj tumbuhan (pokok), *Garcinia spp.*; *~ paya* sj tumbuhan (pokok), jintik merah, mentali, rambai ayam, setambun betina, tuku-takal, *Baccaurea wallichii*.

lulang; *akar ~ bulu* sj tumbuhan (pokok memanjat), ulan raya, *Merremia vitifolia*.

lulas; **melulas** membesarkan atau membersihkan lubang;

pelulas alat utk membesarkan (membentuk, melicinkan, dsb) lubang.

luli I 1. kapas yg dipegang sewaktu memilin benang; 2. Mn kayu penggulung kapas yg belum digantih (dipintal);

meluli mengumpar (menggulung) kapas.

luli II; *ikan* ~ sj ikan laut, *Harpodon nehereus*.

luli III 1. sj tumbuhan (pokok), kandis burung, lulai, *Garcinia merguensis*; 2. sj tumbuhan (pokok), lulai, *Garcinia rostrata*.

lulu I □ **lulur I**.

lulu II Br rekah, pecah (spt kulit bakau).

luluh 1. hancur menjadi serbuk, remuk; *hancur* ~ = ~ *lantak* hancur sama sekali, rosak binasa: *kota itu hancur* ~ *akibat letupan itu*; 2. *hancur* ~ ki remuk-redam (hati), sedih sekali: *hancur* ~ *rasa hatinya mendengar berita sedih itu*;

meluluhkan menghancurkan, meremukkan;

luluhan (Geog) hancuran, remukan: *semua benda galian pasir kelodak dan tanah liat terjadi drpd* ~ *batu*;

peluluhan (Geog) perihal meluluhkan.

luluh hawa (Geog) luluh oleh tindakan hawa;

meluluh hawa meluluhkan dgn tindakan hawa: *batu asal di permukaan bumi ini pd mulanya diluluh hawa dan dihakis oleh agen tertentu spt air, angin, dan glasier*;

peluluhhawaan perihal (tindakan dsb) meluluh hawa.

luluk I Mn lumpur;

berluluk berlumpur, kena lumpur; *tiada* ~ *mengambil cekerau* prb mendapat untung dgn tidak bersusah payah;

terluluk sudah gembur dan boleh ditanami (sawah); **lolok II**.

luluk II = **peluluk** sl mata-mata;

meluluk mengintai, mengintip (musuh dll); **lolok I**.

lulum; melulum mengulum, menjilat-jilat (jari dll).

lulun Br kelim.

lulur I; melulur 1. melancar masuk, meluncur, melungsur; **2.** menelan: *ayam itu dilulur ular; bagai ~ bersetonggeng* prb melakukan sesuatu yg sukar kerana malu (takut, terpaksa, dll).

lulur II Jw sj bedak wangi utk membersihkan badan, lulut;
melulur menyapu badan dgn lulut, melulut.

lulur III; melulur menghisap (spt menghisap aiskrim dll).

lulus 1. terus (masuk ke dlm lubang dll), lantas, tembus: *sebuah bola logam yg hanya ~ melalui gelang logam pd masa ia sejuk dipanaskan; benang sekasar ini tidak dapat ~ ke dlm lubang jarum; tidak lulus pd akal (di akal)* tidak dapat diterima akal, tidak masuk akal; **2.** terperlus (ke dlm lubang dll), terperosok: *kakinya ~ ke dlm rantai yg lapuk itu*; **3.** terlepas (cincin drpd jari dll), lucut: *cincin itu tidak ~ drpd jarinya*; **4.** berjaya (menang) dlm peperiksaan, tidak gagal (dlm ikhtiarnya, usahanya), berhasil: *dia ~ sekolah Melayu*; **5.** diperkenankan (permohonan, permintaan, dll), dipersetujui, terkabul: *permohonannya ~*; **6.** ark hilang lenyap (sesuatu yg dimakan api), lelap (barang-barang yg digadai); *~ tidak berselam, hilang tidak bercari* prb perihal seseorang yg menanggung kesusahan tetapi tidak ada yg menolongnya; *sudah ~ maka hendak melantai* prb Mn sesudah mendapat kesusahan (kemalangan) baru ingat;

selulus ark selalu, sentiasa;

melulusi melucuti, menanggalkan (pakaian dll);

meluluskan 1. membiarkan lalu, memasukkan: *~ benang ke lubang jarum*; **2.** melucutkan (gelang, cincin, dll); **3.** memperkenankan (permintaan, permohonan, dll), mempersetujui, mengabulkan: *beliau telah pun mengkaji usul itu terlebih dahulu*

sebelum diluluskan utk dibincangkan; kerajaan telah ~ undang-undang itu beberapa tahun dahulu; 4. menyebabkan (menjadikan) lulus (dlm peperiksaan dll); 5. melepaskan diri, membebaskan (diri), melarikan (diri): walaupun dikepung rapi, mereka dapat ~ diri;

lulusan 1. orang yg telah lulus dlm peperiksaan, lepasan, keluaran: *dia ~ sekolah Melayu; 2. kebenaran, izin; surat ~ surat kebenaran;*

selulusan 1. Mn selengkap: *~ pakaian; 2. Mn seibu: saudara ~;*

kelulusan 1. perihal lulus: *mereka belajar hanya utk mendapat ~ dlm peperiksaan; ~ permohonan tanah di dlm bandar dibuat secara lelong; 2. tingkatan pengajian yg diperoleh, ijazah: begitulah pentingnya ~ dan kelayakan yg telah dikenakan oleh kerajaan; dia meneruskan pelajarannya hingga mendapat ~ doktor; 3. keguguran (yakni melahirkan bayi sebelum masanya);*

berkelulusan mempunyai kelulusan: *ramai wanita di sana yg sudah ~ tinggi dan memegang jawatan-jawatan penting;*

pelulus orang atau pihak yg meluluskan sesuatu (bkn permohonan dsb): *diluluskan oleh pegawai ~.*

lulut sj bedak wangi utk membersihkan badan;

berlulut bergosok badan dgn lulut: *maka Hang Nadim pun ~ padanya;*

melulut menyapu (menggosok) badan dgn lulut;

pelulut 1. orang yg kerjanya melulut, tukang lulut: *panggil si ~ itu, aku hendak berlulut; 2. lulut.*

lum ark; *masak ~ ranum, terlampau masak (buah-buahan).*

lumading Br sj ikan laut.

lumai; *~ hutan* sj tumbuhan (herba), batu lincar, kayu batu, lelangkapan, sembung lalaki, *Blumea lacera.*

lumang; berlumang berlumur (dgn lumpur, minyak, darah, dll),
bergelumang;

melumangkan **1.** melumurkan, memalit-malitkan; **2.** sl mengotori,
mencela, menghinakan; □ **gelumang.**

lumar Mn lumur;

berlumar berlumur dgn debu (kotoran dll);

melumari melumuri, mengotori.

lumas; melumas menyapu (dgn minyak, kapur, cat, dll): ~ *tembok dgn kapur; kereta itu nampak baru sebab dilumas;*

melumaskan menyapukan sesuatu (spt minyak dan kapur) pd sesuatu yg lain, melumurkan, melumangkan: ~ *minyak pd bahagian badan yg hendak diurut.*

lumat **1.** halus betul, hancur: *ia mengeluarkan sirih yg telah ~ dr dlm gobeknya; makanan hendaklah dikunyah sehingga cukup ~;* **2.** terkocok (daun pakau);

melumatkan **1.** menjadikan lumat dgn menumbuk (mengunyah dll): *dia ~ benda itu dlm sebuah lesung;* **2.** ki menghancurkan, memusnahkan: *meriam musuh telah ~ kota itu.*

lumayan **1.** cukup, agak banyak, sederhana (pendapatan, hasil, dll): *jumlahnya tidak banyak tetapi ~;* **2.** banyak sekali, mewah: *berbelanja besarlah anda pd hari itu kerana telah mendapat hadiah yg ~.*

lumba perlawanan beradu cepat (pandai dll): ~ *lari; ~ kuda; ~ perahu;*

berlumba, berlumba-lumba, berlumba-an, berlumba-lumba-an berdahulu-dahuluan, berlawanan: *kaum wanita berjuang dan berlumba-lumba mencapai kemajuan;*

memperlumbakan menyebabkan (membiarkan) berlumba;

perlumba-an **1.** perlawanan kecepatan (berlari, berperahu, dll), lumba: ~ *lari 100 meter; ~ perahu;* **2.** tempat berlumba;

pelumba orang yg berlumba (menyertai sesuatu lomba):
pertarungan amat hebat nanti ialah antara ~-~ motosikal.

lumbago (Ubat) rasa sakit atau sengal dlm otot di bahagian bawah belakang tubuh.

lumbah = ~ *bukit (rimba)* sj tumbuhan (herba), kepala puyuh, lembah, *Curculigo latifolia*; ~ *bukit* sj tumbuhan (herba), pinang lumbah, pokok serang, seludang pinang, tukur tikus, *Peliosanthes spp.*; ~ *merah* sj tumbuhan (herba), *Curculigo capitulata (recuvata)*; ~ *paya* sj tumbuhan (herba), selimpat batu, *Homalomena rostrata*; ~ *tikus* sj tumbuhan (herba), *Spathoglottis plicata*.

lumba-lumba = *ikan* ~ sj mamalia laut drpd famili Delphinidae yg mempunyai muncung seakan-akan paruh, *Delphinus spp.*

lumban sj ikan laut, dengkis, *Siganus spp.*

lumbar (Bio) berkaitan dgn bahagian bawah belakang tubuh: *arteri* ~.

lumbu; ~ *jawa* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar garuk, akar gerit hitam, akar getah gaharu, akar getah ujul, akar jualoh, *Willughbeia coriacea*.

lambung Id tempat menyimpan padi, jelapang, kepuk, rengkiang.

lumbur sj tumbuhan (pokok renek), gemotan pacat, meroyan minko, siguh, sigoniah, *Alsodeia (Rinorea) kunstleriana*.

lumer Jk lumat, halus betul.

lumer (lumér) Jw menjadi cair.

lumi = **lumi-lumi** sj ikan laut, luli-luli, uli-uli, *Harpodon (Saurus) nehereus*.

lumpektomi (lumpéktomi) (Ubat) pembuangan tumor drpd payudara secara pembedahan.

lumping Jk; *kuda* ~ a) kuda tiruan (utk permainan) dibuat drpd kulit atau buluh; b) sj pertunjukan dgn kuda yg dibuat drpd buluh atau kulit.

lumpuh 1. tidak kuat atau tidak bertenaga (kaki atau bahagian-bahagian lain tubuh): *segenap sendi anggotanya lemah ~, tidak berdaya hendak berjalan*; **2.** ki tidak bergerak (berjalan): *segala kerja kesatuan itu telah ~;*

bagai si ~ pergi merantau prb tidak mungkin dilakukan; *yg ~ penghuni rumah = yg ~ pengejut ayam* prb setiap orang itu ada gunanya;

melumpuhkan menjadikan lumpuh, melemahkan: *tujuan mereka hendak ~ gerakan gerila di hutan*;

kelumpuhan perihal lumpuh: *setelah mengalami ~ selama beberapa tahun, kesatuan itu mulai bergerak.*

lumpuk I ark lumpuh.

lumpuk II ark; **melumpukkan** menghimpunkan, mengumpulkan.

lumpur tanah berair yg lembut, selut; *~ katam lumpur* yg terdapat di pantai;

beroleh ~ di tempat yg kering prb beroleh kesusahan dgn tidak disangka-sangka; *takut akan ~, lari ke duri* prb mengelakkan kesusahan yg kecil dapat kesusahan yg besar;

berlumpur 1. mempunyai lumpur, penuh dgn lumpur: *di tebing yg ~ ini, tumbuh hutan bakau*; **2.** berlumur lumpur, kena lumpur: *kasutnya ~;*

melumpuri menyebabkan berlumpur pd: *kanak-kanak itu bermain sambil ~ dinding rumah itu*;

perlumpuran tempat yg penuh dgn lumpur.

lumrah biasa, lazim: *soal merantau ke luar negeri ialah sesuatu yg wajar dan ~ bagi mereka*;

kelumrahan kebiasaan, kelaziman: *adalah menjadi ~ utk negara dr dunia kini mempunyai rancangan pembangunan masing-masing.*

lumu □ **lumut**.

lumur; **berlumur**, **berlumuran** berlumang (bergelumang) dgn lumpur (minyak, debu, dll), terpalit-palit dgn kotoran (lumpur dll): *ia membuka kasut yg sudah ~ lumpur*;

melumuri menyapu badan dll dgn (minyak dll): *~ mukanya dgn bedak*;

melumurkan, **melumur** menyapukan (minyak, lumpur, dll), melumangkan, memalit-malitkan: *~ arang ke mukanya; dilumurkannya minyak ke kepala budak itu*;

lumuran sesuatu yg dilumurkan (spt minyak, lumpur, dll);

pelumuran perbuatan melumurkan atau melumuri sesuatu.

lumus kotor atau terpalit-palit oleh lumpur (darah dll), berlumur; *tungkus-~* terlibat (termasuk) dlm sesuatu pekerjaan (penderitaan dll); *bertungkus-~* membanting tulang.

lumut sj tumbuhan kecil yg tumbuh di tempat yg lembap (di batu, batang kayu basah, dll);

~ ekor kuning (kucing) sj tumbuhan (herba), *Utricularia flexuosa*;

~ hati lumut drpd kelas Hepaticae yg tumbuh di kawasan lembap;

~ karang bunga karang, sepan; *akar ~*, a) sj tumbuhan (pokok), pulai, *Alstonia angustifolia*; b) sj tumbuhan (pokok renek), akar cabang lima, akar meruan, lilimbo, *Sphenodesma barbata*; *rumput*

~ sj tumbuhan (rumpair), *Blyxa malayana*;

berlumut, **berlumutan** ditumbuhi lumut.

lunak **1.** lwn keras, empuk, lembut: *buah ini isinya manis ~; binatang ~* binatang tidak bertulang belakang yg lembik badannya dan biasanya berkulit keras (spt siput, tiram, sotong, dll); **2.** ki tidak keras (suara, bunyi, dll), lembut: *ia menjawab dgn suara ~ memujuk*; **3.** tidak cepat marah, sabar, tenang: *wanita itu sifatnya*

~; **4.** tidak keras (mempertahankan pendiriannya dll), tidak degil;
~ *hati* mahu menurut kata orang, tidak degil;

~ *disudu, keras ditakik* prb yg mahu menurut kata diperlakukan dgn lemah lembut, yg menentang digagahi; ~ *gigi drpd lidah* prb bersikap lemah lembut atau merendahkan diri;

melunak menjadi lembut, (hati, sikap, dll): *matanya yg garang menyala itu lambat-laun ~ kembali;*

melunaki bersikap lembut (sabar dsb) kpd seseorang, mengenakan kata-kata yg halus kpd seseorang, membujuk;

melunakkan mengempukkan (makanan dll), melembutkan (hati, suara, dll): *Sidik dgn sengaja ~ suaranya;*

memperlunak menjadikan lebih lunak: *pemerintah Peranchis masih saja tidak ~ sikapnya terhadap bangsa Arab; ~ hati* ki melembutkan hati, meredakan (menenangkan) hati;

kelunakan perihal lunak, kelembutan: ~ *pendirian.*

lunas I **1.** kayu panjang pd dasar perahu, dasar perahu; **2.** pokok (sesuatu pendapat, faham, dll), asas, dasar, pangkal: ~ *pendidikan; perjumpaan tersebut merupakan satu ~ bagi persidangan besar;*

3. Mn bahagian bawah (kuali, periuk, dll), dasar;

berlunaskan berasaskan, berdasarkan: *tiap-tiap satu dasar bahasa bagi pelaksanaan di bilik darjah haruslah berasaskan kajian yg rapi dan ~ teori atau pendekatan yg sudah terbukti kejayaannya.*

lunas II beres, jelas, selesai (hutang dll);

melunasi, melunaskan **1.** membayar (hutang dll) hingga selesai, menjelaskan (hutang): *hingga saat itu kami belum dapat ~ yuran; orang tuanya banyak menolong melunaskan hutangnya;* **2.** memenuhi (menunaikan) kewajiban (janji dll): ~ *kewajiban;* **3.**

memperbaiki kesalahan (dgn membuat jasa dll), menebus kesalahan dll: ~ *dosa*;

terlunas telah dilunaskan: *pinjaman* ~;

pelunasan perihal melunaskan sesuatu (hutang), penjelasan, penyelesaian: ~ *segala hutang piutangnya*;

pelunas (orang) yg melunaskan, penyelesai: ~ *hutang*.

lunau Mn lumpur, selut; □ **lanau**.

lunca ark buncit, gendut (perut): *si* ~.

luncas tidak kena pd sasaran, tidak tepat, luput.

luncip □ **lancip**.

luncung I muncung (babi dll).

luncung II berbentuk tirus tetapi pepat pd hujungnya; *dihentak alu* ~ prb dikalahkan oleh orang bodoh;

meluncungkan melancipkan, meruncingkan: *bila ditanya ibunya di mana, ia* ~ *mulutnya ke arah dapur*.

luncur 1. = **meluncur** melungsur, menggelongsor: *anak itu* ~ *drpd pangkuan ibunya*; **2.** lucut (drpd pegangan dll), lelap (barang gadaian): *barang yg digadaikan itu telah* ~; **3.** bergerak dgn cepat (kereta dll): *sebuah kereta besar meluncur masuk dan berhenti di sisinya*; **4.** keluar dgn lancarnya (kata, percakapan, dll): *suatu teguran sedia meluncur drpd mulut ayahnya*;

~ *air* sukan yg menggunakan papan luncur utk meluncur di atas permukaan laut yg berombak tinggi; ~ *ais* sukan yg menggunakan sepatu luncur yg berbilah besi di bahagian tapak utk meluncur di permukaan gelanggang ais yg rata dan licin; ~ *angin* sukan air yg menggunakan papan luncur yg dilengkapi dgn layar, palang dll, yg peluncurnya berdiri di atas papan luncur tersebut; ~ *salji* sukan yg menggunakan papan luncur yg dipasangkan pd kasut, dan dua

batang tongkat utk membantu pergerakan di kawasan bukit yg bersalji;

berseluncur meluncur-luncur di tempat yg licin (di atas lumpur dll);

meluncuri bergerak dgn cepat di, meluncur di: *sebuah kereta ~ jalan yg sepi itu*;

meluncurkan 1. melancarkan, melongsorkan: ~ kapal; 2. mengeluarkan (kata-kata dll) dgn lancar: *ia pun ~ kata-kata ini*;

terluncur terlepas ke bawah, tergelincir;

luncuran gerakan meluncur: *dr segi teori utk menghasilkan ~ yg maksimum, sudut balingan mestilah 45°*;

peluncuran 1. tempat utk meluncur; 2. perihal (perbuatan atau proses) meluncur, meluncuri atau meluncurkan;

peluncur 1. orang yg meluncur (dlm luncur air, luncur ais dsb); 2. alat yg digunakan utk meluncur atau meluncurkan; *pesawat ~ Id sj pesawat (kapal) terbang yg tidak memakai enjin*.

lundang I Mn □ **londang**.

lundang II sj akar (airnya dibuat ubat).

lundang III Mn ruang (petak-petak dlm buah-buahan spt durian), pangsa.

lundi ulat putih di dlm tanah yg kemudian menjadi kumbang.

lundu I; *ikan ~ sj ikan sungai, *Macrones guilo**.

lundu II, lunduh; *kayu ~ sj tumbuhan (pokok), beras-beras hitam, kayu mata punai, medang paya, *Antidesma coriaceum**.

lundung Br malas.

lungguh I; **melungguh** sl duduk.

lungguh II; **lungguhan** ark tanah yg diberikan kpd seseorang pegawai kerajaan sbg gaji.

lungkah ark □ **lukah I**.

lungkum lengkung; □ **mungkum**.

lungkup; terlungkup yg di bawah menjadi di atas, terbalik, tertiarap, lwn telentang.

lunglung sj tumbuhan (pokok), cempaka hutan, nona luwung, ultup-ultup, *Aromadendron elegans*.

lungse (lungsé) Jw terlambat.

lungsin benang yg memanjang pd tenunan.

lungsur I; melungsur meluncur turun, menggelongsor.

lungsur II; lungsuran Jw barang-barang lama atau yg telah dipakai (pakaian dll).

lunjur = berlunjur menghulurkan kaki (sewaktu duduk dll), mengunjurkan kaki: *tempat duduk banyak yg kosong, jadi kami pun tidur berlunjur; berapa panjang ~, begitulah selimut prb membuat sesuatu biarlah menurut kesanggupan diri sendiri;*

melunjurkan 1. menghulurkan, mengunjurkan (kaki): *ia duduk di beranda dgn ~ kaki bermalas-malas; 2.* ki meluaskan: *ia akan ~ makna dalamannya;*

terlunjur terentang, terhulur (kaki), terbaring mengunjur: *di atas kaki yg ~ itu, anaknya meletakkan kepalanya; unjur.*

luntang I = peluntang sepotong kayu ringan yg dibubuh kail utk memancing, pelampung;

meluntang menangkap ikan dgn menggunakan luntang.

luntang II; ~lanting a) terbuai-buai ke sana sini; b) = ~lantung merayau, berjalan ke merata tempat, menganggur (tidak bekerja); *orang ~lantung* orang yg menganggur dan berkeliaran.

luntur I 1. turun atau berubah warnanya (kain cat, dll): *kainnya teguh dan tidak ~; tahan ~* tidak turun warna; **2.** berubah, bertukar (keyakinan, pendirian, keazaman, dsb): *keazaman mereka utk bersatu tenaga tidak ~ walaupun mereka terpaksa menghadapi*

beberapa halangan; 3. hilang atau berkurang (kasih sayang dsb): kasihnya sudah mulai ~; kejelitaannya mulai ~ apabila umurnya meningkat tua; 4. turun atau menjadi rendah (pangkat, darjat, dsb); 5. tidak mujarab lagi (mantera, jampi, dll): jampi itu sudah ~;

meluntur menjadi atau mulai luntur;

melunturi luntur warnanya dan kena pd (kain, baju) yg lain: *kain ini dicuci terasing supaya tidak ~ yg lain;*

melunturkan menyebabkan luntur (berubah atau hilang warna, keyakinan, kasih sayang, dll): *kain yg berwarna perang itu dilunturkan utk mendapatkan kain putih;*

kelunturan **1.** perihal luntur: *ia menampakkan ~ dan kebelakangan pendapat yg progresif; 2.* kena warna sesuatu yg luntur;

pelunturan perihal melunturi atau melunturkan;

peluntur bahan utk melunturkan kain dll; *serbuk ~* sj serbuk yg digunakan utk melunturkan (memutihkan) kain dll.

luntur II senang keluar (kencing, haid);

meluntur meminum ubat utk mencuci perut atau utk menyenangkan buang air;

peluntur = *ubat ~* ubat pencuci perut (utk menyenangkan buang air).

Lun Bawang suku kaum peribumi yg termasuk dlm kumpulan Orang Ulu, tinggal di pedalaman, dan aktiviti utamanya ialah menanam padi serta menternak.

lunyah; melunyah **1.** memijak-mijak tanah supaya gembur; **2.** Mn menumbuk, meninju.

lunyai kumal (pakaian dll), lusuh.

lup I Pr nama timangan bagi anak sulung lelaki, kulup, yop.

lup II sj kaca (kanta) utk melihat sesuatu supaya nampak besar, kaca pembesar.

lupa I 1. = ~ akan (*kpd, pd*) tidak timbul dlm fikiran, tidak ingat, tidak sadar: *dulu kau ~ kepadanya, sekarang kau baru ingat; ~ akan dirinya* tidak ingat akan dirinya (pengsan); **2.** = ~ oleh tidak teringat, tidak diingat; **3.** kurang ingat (akan), lali (akan), lengah (akan): *jangan ~ akan pekerjaanmu;*

~ *daratan* berbuat sesuatu yg melampaui batas (tidak berkira-kira);

~ *diri* tidak sadar, tidak insaf atau tidak ingat lagi akan keadaan (nasib) dirinya yg sebelum itu lebih susah, menderita dsb drpd yg dialami sekarang: *paling mengecewakan ialah kemewahan yg telah diusahakannya telah melahirkan sifat ~ diri dan dia menjadi sombong; ingat-ingat ~ a)* antara lupa dan ingat (tidak lupa tetapi kurang ingat); b) kurang baik atau lemah ingatannya (orang tua);

~ *ketinggalan, terlelap kemalingan* prb Mn kalau kurang hati-hati tentu mendapat kerugian; ~ *mengingatkan, terlelap menjagakan* prb Mn sikap ingat-mengingatkan (tolong-menolong) antara sahabat;

melupai, mengelupai ark lupa akan (sesuatu): *satu ciuman yg bersihir telah menyebabkan seorang putera raja ~ terus bakal isterinya; inilah wasiatku kpd kamu semua, hendaklah jangan kamu lupai;*

melupakan 1. lupa akan, tidak ingat akan: *budi baiknya tidak dapat dilupakan; 2.* menghilangkan drpd ingatan, menjadikan lupa: *sukar hendak ~ peristiwa itu; 3.* mengabaikan, melalaikan (kewajiban dll);

terlupa lupa (dgn tiba-tiba), tidak teringat;

lupaan sesuatu yg dilupakan: *ada dua unsur yg dikemukakan utk menghuraikan bagaimana ~ berlaku;*

lupa-lupaan 1. buat-buat (pura-pura) lupa; 2. selalu lupa;

kelupaan 1. perihal lupa: *ia berasa malu kerana ~nya*; 2. terlupa, ada yg tidak diingat: *digaru-garunya kepalanya spt sedang ~ sesuatu*;

pelupa orang yg selalu atau mudah lupa.

lupa II; ~ *dahan* sj tumbuhan (pokok), cindangan hutan, malas berdahan, mempenai bukit, segan berdahan, tumbuh nyiur, *Arthrophyllum ovalifolium*.

lupa-lupa sj gelembung di dlm perut ikan.

lupang; *akar* ~ sj tumbuhan (herba), akar ulam tikus, ceroma, selepat tungau, *Mikania scandens*.

lupat sj siput laut.

lupi; *papan* ~ sl papan yg tebal yg dipasang di pinggir perahu (di depan dan belakang) sbg pelindung.

lupuh; **melupuh** 1. memukul buluh sampai pipih (utk dibuat lantai, dinding, dll); 2. memukul orang sehingga lemah; □□□**pelupuh**.

lupuk; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar lempedu gajah, akar timun dendang, derik-derik, mentimun paya, pedendang, *Adenia acuminata*.

lupung; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), jelutung bukit, mata keli, medang kasap, mempunai bukit, meranti tekukur, *Antidesma velutinosum*.

lupus hapus, luput, hilang: *senyumnya ~ sambil menahan kesakitan*;

melupakan menghapuskan, meniadakan: *dgn hormatnya dimaklumkan bahawa alat perkakas, kerusi meja spt yg tersebut di bawah telah dilupakan atau dihapus kira*;

pelupusan perihal (perbuatan dsb) melupakan.

luput 1. hilang, lenyap: *zaman dongeng-mendongeng sudah ~ sekarang*; ~ *drpd hati (di hati)* hilang drpd hati (lenyap drpd ingatan); ~ *drpd*

mata (di mata) hilang drpd mata; ~ drpd ingatan; 2. terhindar (drpd), terjauhkan (drpd), terlepas (drpd): ~ drpd bahaya; ~ drpd dakwaan terlepas drpd dakwaan; 3. tidak mengena (pd sasaran), menyimpang (drpd sasaran), salah: dilemparinya budak itu tapi ~;
melupakan **1.** menghilangkan, melenyapkan; ~ *drpd ingatan* menghilangkan drpd ingatan; **2.** melepaskan; ~ *diri* melepaskan diri; **3.** mengelakkan (pukulan, serangan, dll), menangkis: *ditikamnya dada Hang Jebat, serta dilupakan oleh Hang Jebat tikaman Laksamana itu;*

terluput terhindar drpd, terjauhkan drpd, terlepas drpd: *sbg manusia biasa, dia juga tidak ~ drpd salah dan silap; ~ drpd bencana;*

keluputan perihal luput, kelenyapan, kemusnahan;

peluputan perihal melupakan sesuatu.

lurah I **1.** tanah rendah antara gunung-gunung, jurang, lembah; **2.** lekuk memanjang (pd papan dll), alur; ~ *hidung* alur bibir;

~ *tidak terturuni, bukit tidak terdaki* prb Mn perihal orang yg sangat tua dan lemah; *adat ~ timbunan sarap* prb orang yg berpangkat dan berpengaruh selalu menjadi tempat tumpuan orang mengadu hal; *bukit sama didaki, ~ sama dituruni = ke bukit sama mendaki, ke ~ sama menurun* prb sepakat (seia sekata); *di ~ air* yg besar, *di bukit orang yg hanyut* prb orang yg tidak bersalah menerima hukuman; *di ~ maka hendak angin, di bukit maka hendak air* prb berkehendakkan sesuatu tidak pd tempatnya; *berlurah di balik pendakian* prb ada kehendak (maksud) yg tersembunyi;

berlurah ada lurah, berlembah;

berlurah-lurah mempunyai banyak lurah atau alur: *dahi Mak Su berkerut-kerut kecil dan atas bulu keningnya pula ~.*

lurah II Id 1. ketua kampung: *hatta berapa lamanya negeri Majapahit pun besarlah, segala ~ Jawa semuanya takluk ke Majapahit*; 2.

ketua atau pemimpin (sesuatu bahagian pekerjaan);

kelurahan daerah di bawah jagaan lurah, rumah atau pejabat lurah.

lurang lubang konkrit bertutup di jalan utk membolehkan pekerja memeriksa, membaiki atau menyelenggarakan pembedung dan saluran.

lurik sj kain tenunan yg coraknya berjalur-jalur.

luru I; meluru datang dgn cepat (kerana hendak mendapatkan sesuatu), mengejar dgn cepat: *ia ~ ke pintu mendapatkan anak itu.*

luru II Pr; meluru menggosok supaya bercahaya (labu dll), menggilap.

lurub = luruban Jk kain penutup usungan mayat.

luruh I gugur kerana sudah masak (buah-buahan), gugur kerana sampai masanya (daun, bulu, dll); *musim ~ musim daun gugur; ~ upih pergam datang, suruh putih hitam datang prb lain yg dihajati, lain yg didapat;*

berluruhan luruh banyak-banyak, luruh di sana sini, berguguran: *daun-daun ~ pd musim gugur;*

meluruh 1. bertukar bulu (ayam dll), meranggas; **2.** gugur pd musim luruh (daun), meranggas;

meluruhkan menyebabkan luruh, menggugurkan, meranggaskan: *tiupan angin yg kencang ~ daun-daun pokok di kawasan itu;*

luruhan sesuatu yg luruh, guguran: *“Nenek, kita ke rumah sakit ya,” ucap Nadira dlm ~ air mata;*

keluruhan kejadian luruh: *ramai orang percaya bahawa bahan itu boleh menyebabkan ~ rambut.*

luruh II sl daerah, jajahan.

lurus 1. tidak bengkok, lempang: *garis yg ~; keris bermata ~*; 2. tegak betul: *berdiri ~; garis yg tegak ~*; 3. benar, jujur: *ia menjawab dgn ~; ia seorang hulubalang yg gagah berani serta ~ dan setia kpd tuannya*; 4. tidak bersalahan, tepat benar, betul: *terjemahan ~; ~ hati = ~ akal tulus hati; ~ tabung terlalu jujur; terlampau ~, kurus, terlampau cerdik, terkedek prb hendaklah pandai-pandai berlaku atau membawa diri dlm pergaulan (jangan terlalu jujur dan jangan terlalu cerdik); selurusnya sebenarnya, sebetulnya; berselurus membuat sesuatu dgn jujur, berlaku lurus; selurusan berhadapan betul, setentang; melurus menjadi lurus: *apabila kapal itu menjunam ke hadapan atau ke belakang, jarum kompas akan ~ balik; meluruskan menjadikan lurus (lempang, tegak, dll): ia ~ kakinya; ia pun membongkok akan membaiki dan ~ tegak rumpun padi; kelurusan* 1. perihal lurus (lempang, tegak, dll); 2. perihal lurus (benar, jujur), kejujuran: *ia dapat menunjukkan kecekapannya dan ~ hatinya; pelurusan* perihal (proses) meluruskan sesuatu: *projek ~ jalan itu; pelurus* alat utk meluruskan sesuatu.*

lurut I; melurut 1. memegang dgn jari dan mengurut: *~ rambut yg basah; ~ daun nipah*; 2. melucutkan dgn jari (cincin dll); 3. memicit dgn jari utk melicinkan (kertas dll); 4. menceraikan biji-bijian drpd tangkainya: *~ padi utk makanan burung*; 5. ki memetik hingga habis (buah-buahan); 6. ark mengopek (mengelupaskan) daging drpd tulang: *sungguhpun tiada bergigi, dilurutnya daging ayam rebusan itu, dikunyah-kunyah ditelan, tinggal tulang juga*; 7. mengalir (air sungai dll): *spt air ~ atau mengalir ke laut*; 8.

berguling (pd bidang yg landai dll): *sebihi guli ~ ke bawah tempat yg curam*;

lurutan perihal melurut; ~ *bukan jepitan* diambil banyak sekali (tidak diambil satu per satu tetapi dilurut);

pelurut alat utk melurut: ~ *daun pandan atau mengkuang yg telah dijemur kering*; ~ *dawai* (Kej) alat utk menanggalkan penebat drpd dawai supaya penyambungan dapat dibuat.

lurut II luruh, gugur; □□**rurut I**.

lusa hari sesudah esok; *besok ~ a)* besok ataupun lusa (dlm sehari dua ini); b) pd sesuatu masa kelak, lama-kelamaan, lambat-laun.

lustrum IB perayaan peringatan lima tahun, pancawarsa.

lusuh 1. renyuk, kumal (pakaian dll): *baju itu sudah ~ di tangannya*; **2.** sudah rosak atau luntur kerana lama terpakai dll (bkn kain baju dll), sudah tidak segar lagi (kerana mengalami kesusahan, menderita, dsb): *mereka memakai pakaian seragam berwarna kuning yg sudah~*;

melusuhkan menjadikan lusuh, memakai selalu (baju dll) hingga menjadi lusuh;

kelusuhan perihal (keadaan) lusuh: *pd hakikatnya ~ dirinya itu adalah akibat beberapa banyak penyakit yg menghinggapnya*.

lut I dimakan senjata, telap (oleh senjata), mempan; **telut II**.

lut II bp batu duga, batu ladung.

lut III (Muz) sj alat bunyi-bunyian bertali kembar yg dipetik spt gitar.

lutar ark□□□**lontar I**.

lut cahaya meluluskan cahaya tetapi benda yg di sebaliknya tidak jelas tampak.

lutetium (lutétium) (Kim) sj unsur logam.

LUTH kep Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

luti renyuk, kumal, lusuh (pakaian dll).

lutong (Muz) sj kecapi buluh enam tali dr Sarawak.

lut sinar dapat melihat melaluinya (kaca dll), hening;

kelutsinaran perihal atau keadaan lut sinar.

lutu; melutu 1. sl menyerang dgn hebatnya, menerkam, memukul bertalu-talu: *lalu ia ~ datang; nanti dilutunya kita dgn kasut*; **2.** ki menimpa: *malang dan bencana datang ~*.

lutut I sendi di antara paha dan betis; *pelipatan ~* lekuk di belakang lutut; *tempurung ~* tulang bulat di lutut sebelah hadapan; *berkata-kata dgn ~* prb berkata-kata dgn orang yg bodoh; *bersaksi ke ~* prb a) menjadikan sahabat atau sanak-saudara sbg saksi; b) minta petunjuk kpd orang yg bodoh;

berlutut, melutut ark 1. berdiri di atas lutut, bertelut; **2.** ki menyerah, tunduk.

lutut II; ~ *ayam* sj tumbuhan (herba), keremak batu, keremak rusa, maman babi, *Hygrophila quadrivalois*.

luwes tidak terlalu ketat, mudah disesuaikan (dgn keadaan dll), dapat diubahsuai;

keluwesan perihal (sifat dsb) luwes.

luyak Mn lembik, benyai (nasi dll).

luyu nampak spt mengantuk (mata), kuyu, ruyup: *matanya ~ memandang orang yg menegurnya*.

luyut; meluyut 1. = **berluyutan** melentur ke bawah sebab terlampau berat (dahan yg terlalu lebat buahnya): *dahan pokok itu ~ kerana buahnya yg sangat lebat tahun ini*; **2.** luyu, ruyup, kuyu (bkn mata orang yg mengantuk).

lwn kep lawan.

m I huruf ke-13 abjad Rumi.

m II kep meter.

M kep Masihi; 1959~ tahun 1959 Masihi.

ma Pr semua; *saya* ~ kita; *dia* ~ mereka.

MA kep *Master of Arts* (Sarjana Sastera).

maab Ar ark tempat kembali.

maaf 1. kerelaan melepaskan atau membebaskan seseorang drpd hukuman atau denda kerana sesuatu kesalahan (kekeliruan dsb),

ampun: *Omar meminta ~ drpd bapanya; memberi ~ mengampuni;*

2. = **maafkanlah** ampunilah: ~ *sahajalah budak itu, dia masih belum tahu apa-apa; minta ~ minta diampuni;*

bermaaf-maafan saling memberi ampun: *Ros mengesat air matanya setelah ~ dgn Jamilah;*

memaafi memberi ampun (maaf) kpd, mengampuni: *sekali dua dia boleh dimaafi;*

memaafkan mengampunkan kesalahan (kesilapan dll), tidak menganggap salah dll lagi: *sudilah kiranya engkau ~ kesalahanku lahir batin, dunia akhirat;*

permaafan perihal bermaaf-maafan;

pemaaf 1. orang yg rela memberi maaf (memaafkan); **2.** bersifat suka memaafi atau memaafkan: *dia seorang dermawan yg merendah diri, khusyuk, dan ~.*

maahad Ar tempat atau pusat pembelajaran agama Islam: *aku berminat utk belajar di ~ itu, tetapi terpaksa menghadapi satu ujian kelayakan utk belajar di situ; ~ tahfiz pusat pengajian utk menghafal dan mengkaji al-Quran.*

maakul Ar masuk akal (fikiran), berdasarkan akal (fikiran), logik, munasabah: *tiap-tiap orang yg menentang cadangan itu mempunyai alasan yg ~ dan kuat pula.*

maakulat Ar ilmu pengetahuan berkenaan sesuatu yg ghaib (dgn berdasarkan akal fikirannya), metafizik.

maalaf Ar ark tempat utk mengisi makanan kuda dll, palung.

maal hijrah Ar majlis yg diadakan sempena mengingati dan mengambil pengajaran drpd peristiwa hijrah Rasulullah (diadakan pd bulan Muharam).

MABBIM akronim bagi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia.

mabir; *tabir*-~; □ **tabir**.

MABM kep Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu.

mabrur Ar diterima Allah: *haji* ~.

mabuk 1. pening kepala (hilang ingatan, tidak sedarkan diri, dsb) kerana meminum minuman keras atau makan gadung dsb: *Ali dimarahi isterinya kerana pulang ke rumah dlm keadaan ~*; **2.** ki sangat suka (gemar) akan sesuatu ... terlalu sangat asyik (berahi): *maka Tuanku Malim Dewana pun asyik dan ~lah melihat permainan ayahnya itu*;

~ *agak-agak (kira-kira)* suka duduk berangan-angan sahaja (satu kerja pun tidak dibuatnya); ~ *andan* tergilagila kerana hendak kahwin; ~ *asmara (berahi, cendawan, cinta)* hilang akal atau spt gila (kerana jatuh cinta dll); ~ *bunga raya* mabuk dgn muka berwarna merah; ~ *bunga selasih* terlalu mabuk (hingga tidak dapat berdiri dgn tegak); ~ *darah* a) pening kepala kerana melihat darah; b) pengsan kerana banyak kehilangan (keluar) darah; c) mengamuk setelah melihat darah; d) suka menumpahkan darah orang; ~ *gunung* berasa pening kerana udara agak tipis (di tempat-

tempat yg tinggi, pergunungan, dll); ~ *hamil* rasa loya-loya, pening dsb, biasanya pd sebelah pagi, yg dialami pd peringkat awal kehamilan; ~ *kecubung* a) pening kepala kerana memakan biji kecubung; b) ki sangat berahi sehingga lupa akan hal-hal lain; ~ *kepayang (kesmaran)* fikiran terganggu (seakan-akan gila) sebab jatuh cinta dll; ~ *laut (ombak)* pening dan muntah-muntah dlm pelayaran (dgn kapal atau perahu); ~ *tahi telinga* menjadi bingung kerana mendengar bermacam-macam percakapan orang; ~ *udara* pening kerana naik kapal terbang;

~ *di enggang lalu* prb tertarik hati kpd orang yg tidak dikenali; *spt orang* ~ *gadung* prb sangat pucat;

dimabuk diganggu atau terganggu oleh sesuatu (fikiran dll): *kerana telah banyak sangat* ~ *asmara, pekerjaan Mansor mulai kelihatan mundur*;

~ *angan-angan* gelisah hati (kerana sangat memikirkan sesuatu dll); ~ *bayang-bayang* mengalami cinta yg tidak berbalas; ~ *nasib* berasa sangat sedih kerana memikirkan nasibnya;

dimabuki diganggu oleh: *selama tujuh tahun darwis itu* ~ *sakit cinta*;

memabukkan menjadikan (menyebabkan) mabuk: *minuman yg* ~;

kemabukan sedang mabuk, dlm keadaan mabuk: *dia sudah spt orang yg benar-benar* ~, *tidak peduli apa di hadapannya*;

pemabukan proses menjadi mabuk: *bahaya* ~ *akibat arak atau dadah*;

pemabuk (orang yg) selalu mabuk.

mabung sj ikan laut, *Rastrelliger kanagurta*.

mabur Jk lari, terbang.

Mac bulan ketiga dlm tahun Masihi yg mengandungi 31 hari.

macam 1. keadaan sesuatu benda, bangsa, jenis, rupa: *kain ini ada dua ~*; **2.** laksana, seperti, umpama: *~ rusa masuk kampung*; **3.** cara, kaedah: *walau ~ mana sekalipun, ia mesti berjumpa dgn orang tuanya*; *apa ~ a) = ~ apa (mana) bagaimana*; b) apa pendapatmu?

semacam 1. sebangsa, sejenis: **2.** sebagai, serupa, seperti: *adakah orang ~ saya menaruh khianat di dlm hati*;

bermacam berbagai(-bagai);

bermacam-macam, macam-macam berbagai-bagai, berjenis-jenis, berupa-rupa;

mempermacam-macamkan memperbuat dll bermacam-macam.

macan Jw harimau; *~ loreng harimau belang*; *~ tutul harimau akar*;

memacani mempertakuti, menakut-nakutkan;

macanan, macan-macanan sj permainan anak-anak.

macang bp embacang.

macat □ □ **macet.**

macet Jk **1.** tidak lancar, sendat, serat: *satu kali lagi hendak dilepaskan tembakan tapi pistolnya ~*; **2.** ki terhenti, kandas, terbengkalai: *kalau kita ditangkap, usaha kita akan ~*;

kemacetan hal (keadaan) macet: *impian manusia utk keluar drpd ~ hidup yg dirasakan terbelenggu oleh tradisi.*

Machiavellianisme (machiavéllianisme) fahaman (prinsip) politik yg menekankan ciri orang yg suka mengambil kesempatan (oportunis), bersifat licik, dan pandai menipu.

macho □ □ **maco.**

macis □ □ **mancis.**

maco bp tampak sifat kelelakiannya sama ada dr segi penampilan, perawakan dsb.

macuk sj permainan judi Cina (dimainkan di atas meja oleh empat orang pemain dgn menggunakan balak-balak kecil).

mad Ar pemanjangan bunyi, bunyi pendek dijadikan bunyi panjang; □
maddah.

mada 1. Mn tidak ada perasaan, tebal telinga; **2.** bp bodoh.

MADA akronim bagi *Muda Agricultural Development Authority*
(Lembaga Kemajuan Pertanian Muda).

madah I 1. kata yg terutamanya digunakan utk puji-pujian: *Ramlah tersipu-sipu mendengar ~ Tuan Penghulu itu*; **2.** sl perkataan; *berpanjang ~ berkata (menghuraikan dll) dgn panjang lebar; pendek ~ pendek kata, pendeknya*;

bermadah 1. bersyair dll dgn memuji-muji, memuji-muji: *saya ~ spt pujangga, dia membisu sahaja*; **2.** berkata: *senang manusia berkata apa yg disukainya tanpa memikirkan akibat atau padahnya, senang mereka ~*;

memadahkan mengucapkan, mengatakan: *madahkan juga barang hajat tuan.*

madah II Pn menjemput orang (utk majlis perkahwinan).

madali sl sj alat bunyi-bunyian.

madam nyonya.

madang selalu, kerap.

madani Ar maju dr segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bkn masyarakat, generasi dsb): *usaha utk membentuk masyarakat ~ dgn menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan; kurikulum itu juga terarah kpd pembinaan masyarakat ~*.

madar Mn ark □ **mada.**

madat I 1. candu yg belum dimasak; *minum ~ menghisap madat; rumah ~ tempat orang membeli dan menghisap madat*; **2.** segala jenis dadah (spt ganja, morfin, heroin, candu, dsb) yg disalahgunakan oleh penagihnya;

bermadat menghisap madat;

pemadatan **1.** perihal menghisap madat; **2.** Jk biasa melakukan sesuatu yg tidak sopan (kurang baik dll);

pemadat orang yg biasa (ketagih) menghisap madat: *orang yg ~ itu semuanya kurus kering.*

madat II sl **1.** menara tempat orang berkawal; **2.** dinding atau tembok yg letaknya di menara dll dan diberi berlubang-lubang (digunakan utk menembak).

maddah Ar tanda bunyi panjang pd tulisan Arab; → **mad.**

maddi Id kebendaan (yg berupa benda): *hukum~.*

madgad kepingan besi, plastik, dsb yg dipasang menutupi roda basikal, motosikal, dll utk mencegah percikan lumpur, air, dll;

bermadgad mempunyai (memakai, dilengkapi dgn) madgad: *basikal tua tidak ~ yg tersandar di tiang tengah diheretnya keluar halaman.*

madrasah Ar **1.** tempat belajar (terutama bkn agama Islam), sekolah, perguruan; ~ *jamiah* sekolah (perguruan) tinggi, universiti; **2.** surau, langgar.

madu I **1.** cecair manis yg terdapat dlm sarang lebah dan bunga, manisan: ~ *lebah*; ~ *bunga*; *gula dan ~ disangka manis, manis lagi senyummu tuan*; **2.** ki manis benar (senyuman dll); *senyum ~ senyuman yg manis benar*;

~ satu tong, jikalau rembes, rembesnya pun ~ juga prb jika baik asalnya, keturunannya pun baik juga; *dlm ~ berisi hempedu* prb jangan mudah percaya akan perkataan yg manis-manis kerana biasanya berisi tipu daya yg jahat; *di luar bagai ~ , di dlm bagai hempedu* prb tipu muslihat biasanya dilakukan dgn perkataan yg lemak manis; *laut ~ berpantalkan sakar* prb perkataan manis yg keluar drpd mulut orang yg elok rupanya.

madu II 1. wanita lain yg menjadi isteri kpd suami sendiri, **2.** ki saingan dlm percintaan;

bermadu mempunyai madu (bkn isteri yg suaminya beristeri lagi):
di negerinya ~ itu sudah lazim terbiasa, tersimpul dlm adat; dia minta cerai jika saya kahwin lagi, ~ itu pahit baginya;

memadu memadukan: *Usinah yg tidak mahu dimadu, diceraikannya;*

memadui 1. menjadi madu kpd, bermadu dgn; **2.** memberi bermadu (suami terhadap isterinya);

memadukan menjadikan sbg madu: *isterinya tidak rela dimadukan;*

mempermadukan menjadikan (membiarkan) bermadu dgn:
seboleh-bolehnya, jangan sampai Ramlah dipermadukan;

permaduan 1. perihal bermadu: *masa dlm tangan mandur besar dahulu, enam orang madu saya, dlm ~ itulah saya abang ambil;* **2.** perihal beristeri lebih drpd satu pd satu ketika (laki-laki), poligami: *~ dianggap kolot sekarang ini.*

madu III; ~ *mancung* Id perhubungan dua sisi yg merupakan sudut.

madukara 1. sl lebah; **2.** = *kain* ~ sj kain sutera yg disulam dgn benang emas.

maesan (maésan) □ **mesan.**

mafela skarf yg dililitkan pd leher utk mengurangkan kesejukan.

mafhum Ar **1.** sudah mengerti (maklum, tahu), sudah faham: *~lah baginda akan surat Yang Dipertuan itu;* **2.** pengertian;

memafhumi mengerti, mengetahui, memahami.

mafia pertubuhan haram yg menjalankan kegiatan jenayah dan keganasan.

mafsadah Ar kerosakan, kebinasaan, kehancuran: *menolak ~ haruslah didahulukan drpd mengambil masalah.*

magal sj tumbuhan (pokok), *Sarcocephalus hirsutus*.

magang I orang yg bakal atau calon menjadi pegawai (tetapi masih belum menerima gaji): *dia mula-mula bekerja sbg ~*.

magang II 1. terlampau masak (buah-buahan), ranum; **2.** hampir masam kerana mengalami perubahan kimia (bkn nira, tapai dsb);

memagang membuat (memproses) sesuatu supaya jadi magang, menapai (tapai dll);

pemagangan perihal memagang.

magasawih sj tumbuhan (pokok) dlm famili Sonneratiaceae, berembang bukit, magas dan tagahas (Sabah), sawih (Sarawak), *Duabanga spp.*

magazin 1. sj kotak berisi peluru yg digunakan pd senjata api: *pihak polis telah merampas senapang itu bersama dgn dua ~ pelurunya*; **2.** tempat mengisi kartrij filem dlm kamera.

magel Jk 1. belum masak benar (buah-buahan), mengkal; **2.** ki belum sempurna pengetahuan, belum begitu pandai.

magenta (magénta) (warna) ungu kemerah-merahan, merah tua, merah lembayung.

MAGERAN akronim bagi Majlis Gerakan Negara.

magersari Jw 1. orang yg berumah dlm kawasan rumah orang lain; **2.** ark orang yg membantu orang-orang yg berpindah dr satu tempat ke tempat yg lain.

maghfirot Ar ampun, maaf.

maghrib Ar **1.** tempat arah matahari terbenam, barat: *lalu dilempar oleh Selampit sebelah badannya ke masyrik dan sebelah badannya ke ~*; **2.** = waktu ~ waktu terbenam matahari sehingga hilang cahaya merah di ufuk barat; *sembahyang ~ sembahyang fardu pd waktu maghrib*.

maghribi Ar dr sebelah barat, termasuk sebelah barat (Moroko dll).

maghrur Ar sombong, angkuh.

magi IB ilmu ghaib.

maging; *binatang* ~ binatang (spt harimau, anjing, beruang, dsb) yg memakan daging, karnivor.

magis luar biasa dan mengandung (mempunyai) keupayaan dsb yg tersembunyi, ghaib: *kisah kehidupan di angkasa raya dgn kekuasaan* ~ atau yg berunsurkan tahyul; mengikut Winstedt, raja itu juga mempunyai kuasa ~.

maglub Ar ark kalah, takluk.

magma batuan lebur (panas) yg terdapat di bawah kerak bumi yg apabila menyejuk menjadi batuan igneus.

magnalium (Kim) aloi aluminium dan magnesium.

magnesium (magnésium) (Kim) sj unsur logam yg ringan, mulur, berwarna putih keperakan, dan terbakar dgn cahaya putih berkilauan dan digunakan dlm membuat aloi ringan;
~ *hidroksida* sebatian magnesium dan air; ~ *klorida* sebatian magnesium dan klorin; ~ *oksida* sebatian magnesium dan oksigen.

magnet (magnét) sj besi yg mempunyai daya menarik logam-logam lain, besi berani, semberani;

~ *kekal* (Fiz) sj magnet yg kekal bermagnet walaupun medan magnet yg menghasilkannya itu sudah tiada; ~ *ladam* magnet yg berbentuk ladam; ~ *sementara* (Fiz) bahan yg bertindak sbg magnet hanya apabila bahan itu berada dlm medan magnet;

bermagnet mempunyai (ciri) magnet: *kunci* ~;

memagnetkan menjadikan (sbg) magnet;

termagnet telah menjadi magnet;

magnetan, **kemagnetan** perihal magnet; **pemagnetan** proses memagnetkan sesuatu.

magnetik (magnétik) mempunyai sifat magnet.

magnetisme (magnétisme) (sains tentang) fenomena dan sifat kemagnetan.

magnetit (magnétit) bijih besi yg magnetik.

magneto (magnéto) (Kej) sj dinamo yg mengeluarkan api dlm sistem pencucuhan sesuatu enjin pembakaran dalam.

magnetometer (magnétométer) (Fiz) alat utk mengukur keamatan dan arah medan magnet.

magnetosfera (magnétosféra) (Ast) kawasan di sekeliling planet yg dipengaruhi oleh medan magnet planet berkenaan.

magnetron (magnétron) alat yg menghasilkan gelombang mikro apabila dibekali voltan tinggi.

magnitud besarnya, pentingnya, atau banyaknya sesuatu.

magnolia sj pokok dr genus *Magnolia* yg bunganya besar, berwarna putih, kuning atau merah jambu, wangi dan kelihatan spt berkilin.

magun dipasang tetap pd perahu (spt kajang, tingkap, bilik, kurungan di buritan perahu tempat jurumudi, dll): *tingkap* ~; ~ *angin* tingkap pd perahu utk memasukkan udara atau cahaya; *kajang* ~ kajang yg sentiasa dipasang pd perahu.

mah I singkatan bagi maha; ~*raja* maharaja.

mah II (Sunda) kata utk menguatkan perkataan atau ayat di depannya, bukankah.

maha yg teramat, sangat, amat: *M~ Besar*; *M~ Esa*; *M~ Berkuasa*; *M~ Mengetahui*; *M~ Mulia*; *M~ Suci*.

maha- awalan asing besar, tertinggi, mis *mahaguru* dan *mahasiswa*.

MAHA akronim bagi *Malaysian Agri-Horticultural Association* (Persatuan Pertanian dan Perkebunan Malaysia); *pertunjukan* ~ pertunjukan hasil pertanian dan perkebunan serta pekerjaan tangan.

mahabbah Ar kasih sayang, percintaan.

mahadewa (mahadéwa) **1.** sl Betara Siwa; **2.** dewa yg tertinggi.

mahadewi (mahadéwi) **1.** Betari Surga; **2.** ki sebutan utk puteri atau permaisuri.

Mahadper Id kep Mahkamah Angkatan Darat dlm Perang.

Mahaduta ark duta besar;

permahadutaan ark kedutaan besar.

mahaguru **1.** guru yg tertinggi pangkatnya di perguruan tinggi atau universiti, profesor; **2.** ketua sesuatu kumpulan silat.

mahahakim hakim besar.

mahajana I ark orang besar (orang yg terkenal dll).

mahajana II orang ramai (umum).

mahakarya karya agung yg dihasilkan oleh pujangga (ahli falsafah dll) pd sesuatu zaman, karya terbaik yg gemilang atau karya yg dicipta drpd daya intelek dan daya kreativiti yg tinggi.

maha kuasa sangat berkuasa (tidak ada bandingannya);

kemahakuasaan perihal (keadaan, sifat) maha kuasa: *orang-orang yg percaya akan ~ Allah.*

mahal **1.** tinggi harganya, lwn murah: *kain jenis itu memang ~;* **2.** susah hendak mendapatnya, sukar, tidak mudah, jarang ada: *dlm negeri Melaka terlalulah ~ orang yg tahu menulis dan mengarang barang suatu;*

~ dibeli, sukar dicari = ~ tak dapat dibeli, murah tak dapat diminta prb sesuatu yg sangat sukar diperoleh;

memahalkan **1.** membuat (menjadikan) mahal, menaikkan harga; **2.** meletakkan harga yg terlalu tinggi (lebih drpd sepatutnya), menghargai lebih drpd sepatutnya;

kemahalan **1.** kenaikan harga (barang-barang dll), masa barang-barang mahal; **2.** bp terlalu mahal; *tunjangan ~ Id tambahan kpd gaji disebabkan harga barang-barang mahal;*

pemahal yg menyebabkan jadi mahal: *Ramlah tidak mempedulikan keindahan rupanya kalau hanya sekadar ~ harga dirinya.*

mahamenteri sl ketua menteri (tetapi di bawah bendahara).

mahameru (mahaméru) sl gunung tempat tinggal segala dewa.

mahang sj tumbuhan (pokok kecil), *Macaranga spp.*; jenis-jenisnya: ~ *api*, ~ *layan*, ~ *bulan*, ~ *putih*, dll.

mahaputera Id gelaran yg diberi kpd warganegara yg sangat besar jasanya terhadap negara.

mahar Ar = ~ *kahwin* mas kahwin (yg diberi kpd pengantin perempuan); *membayar* ~ memberi mas kahwin.

maharaja **1.** raja besar; **2.** sl gelaran atau sebutan bagi orang besar: *Bendahara Seri M~*; *nikah M~ Boma* prb nikah tanpa belanja;

kemaharajaan perihal maharaja: *semua negara Asia Pasifik pernah berada di bawah pengaruh besar ~ itu.*

maharajalela (maharajaléla) sl (gelaran yg diberi kpd) kepala menteri yg tugasnya memenggal kepala orang yg bersalah kpd raja;

bermaharajalela, **bersimaharajalela**, **merajalela** **1.** berbuat sesuka hati (sewenang-wenang): *lanun-lanun ~ di daerah itu*; **2.** berkecamuk, berjangkit dgn hebat (penyakit dll): *penyakit taun ~ setelah peperangan itu*; **3.** menjadi-jadi: *tindas-menindas terus berlaku, kekejaman ~*;

kemaharajalelaan perihal bermaharajalela; **merajalela**.

maharana sl perang besar.

maharani sl raja perempuan, ratu, permaisuri.

maharesi, **maharishi** sl pendeta yg suci.

maharupa sl terlalu cantik (indah).

mahasiswa pelajar (penuntut) di universiti;

kemahasiswaan hal yg berkaitan dgn mahasiswa: *apakah yg menghalang siswi turut aktif dlm kerja ~ ini?*

mahasiswa mahasiswa perempuan.

mahasiswa bp panggilan utk mahasiswa yg sudah berumur (biasanya bagi yg mengikuti kursus sarjana muda).

mahatma jiwa besar (gelaran yg diberi kpd mendiang Gandhi sbg pemimpin India).

mahatur = *paduka* ~ sl gelaran yg diberi kpd salah seorang drpd isteri raja Jawa zaman dahulu.

mahbub Ar yg dikasihi (lelaki).

mahbubah, mahbubat Ar yg dikasihi (perempuan).

mahdi Ar pemimpin, penunjuk jalan; *al ~ = imam* ~ pemimpin yg akan muncul utk membersihkan dunia ini drpd dajal (ketika hampir kiamat).

maherat (mahérat) ark hilang, menghilangkan diri; □ **mairat**.

mahesa (mahésa) sl kerbau (juga dipakai utk nama orang).

maheswara (mahéswara) sl dewa Siwa; □ **mahadewa**.

mahfuz Ar yg sudah dihafazkan, tersemat dlm hati (ingatan); *loh al ~*; □ **lohmahfuz**.

mahing Mn ark bau yg sangat busuk.

mahir terlatih utk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar, pandai: *orang Cina itu masih belum ~ berbahasa Melayu*;

memahiri melatih diri supaya mahir dlm sesuatu bidang dsb: *agak sukar bagi peserta jika tidak memiliki atau ~ kepandaian tertentu, spt kreativiti atau kemahiran menggunakan komputer; penguasaan bahasa bukan sekadar ~ aspek linguistik sesebuah bahasa*;

memahirkan melatih seseorang supaya cekap, mempelajari dgn sungguh-sungguh supaya mahir: *pelajar akan didedahkan pd latihan yg dapat ~ mereka dlm menghadapi peperiksaan sebenar;*

kemahiran kecekapan, kepandaian: ~ *Fernando tentang pelayaran telah diketahui oleh mereka;*

berkemahiran mempunyai kemahiran, mahir: *dan tentu ramai calon di situ yg lebih ~, lebih layak, fikirnya.*

mahjung sj permainan judi orang Cina.

mahjur orang yg tidak dibolehkan oleh syarak membahagi-bahagikan hartanya kerana bodoh, muflis, sifat boros (mubazir), atau tidak berakal.

mahkamah tempat membicarakan kes undang-undang, dewan atau majlis pengadilan;

~ *agung* Id pengadilan yg tertinggi; ~ *juvenil* mahkamah yg mempunyai bidang kuasa ke atas pesalah juvenil dan kanak-kanak di bawah kawalan ibu bapa; ~ *perusahaan* badan yg menyelesaikan pertikaian buruh; ~ *rendah (majistret, sesyen)* mahkamah yg di bawah kuasa atau diadili oleh majistret; ~ *syariah* mahkamah yg mengadili hal-hal yg bersangkutan dgn hukum Islam; ~ *tentera* mahkamah yg mengadili perkara tentera; ~ *tinggi* mahkamah yg mengadili perkara yg besar-besar spt pembunuhan dll (diadili oleh Hakim Besar).

mahkota **1.** tajuk kebesaran raja: *dikenakan ~ di hulu baginda;* **2.** ki (orang) yg memerintah, raja; ~ *alam* raja yg memerintah sekalian alam; ~ *negeri* raja yg memerintah sesebuah negeri; *putera (tengku)* ~ anak raja yg bakal menggantikan ayahandanya; *wakil* ~ wakil raja; **3.** gelaran utk orang besar-besar: *Datuk Raja M~;* **4.** perhiasan kepala spt yg biasa dipakai oleh pengantin perempuan

(pemenang peraduan ratu cantik dsb); **5.** ki jantung hati, kekasih: ~ *hatiku*;

bermahkota memakai mahkota, menjadi raja yg memerintah; *raja-raja yg* ~ raja-raja yg memerintah;

memahkotai meletakkan mahkota (pd kepala raja) sbg menobatkan baginda menjadi raja, mengenakan mahkota pd (orang yg naik takhta menjadi raja);

pemahkotaan perihal (perbuatan, upacara, dsb) memahkotai (orang yg naik takhta menjadi raja).

mahligai istana tempat kediaman raja (permaisuri atau putera-puteri raja).

Mah Meri penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Senoi yg juga dikenali sbg orang laut, yg kebanyakannya tinggal di pesisir pantai Selangor khususnya di Pulau Carey.

mahmud Ar terpuji.

mahmudah Ar terpuji; *sifat* ~ sifat terpuji.

mahna Ph telekung.

mahogani sj pokok tropika yg kayunya keras berwarna coklat kemerah-merahan, biasanya digunakan utk membuat perabot.

mahram Ar orang (lelaki ataupun perempuan) yg haram dinikahi (mengikut hukum Islam) kerana hubungan kekeluargaan yg rapat, hubungan susuan dsb (spt ibu, anak susuan, adik beradik dsb).

mahsul = *hasil* ~ hasil sesebuah negeri (yg dieksport).

Mahsuri = *padi* ~ sj padi yg benihnya merupakan campuran drpd padi Kedah dan padi Taiwan; □ **padi**.

mahsyar Ar tempat berhimpun di akhirat setelah tiupan sangkakala apabila semua manusia dibangkitkan dr kubur; *hari* ~ hari manusia berhimpun pd hari akhirat; *padang* ~ padang tempat manusia berhimpun pd hari akhirat.

mahu **1.** suka akan, suka hendak, bersedia akan: *dia ~ supaya jawatan itu dipegang oleh seorang anak negeri; ~ tak ~ a) segan-segan; b) terpaksa, harus; 2.* hendak, akan: *~ ke mana budak itu; 3.* bp maksud, keinginan, tujuan: *apa ~ engkau di sini?*

semahunya, semahu-mahu, semahu-mahunya sekehendak (sesuka) hati, sewenang-wenang: *keadaan spt itu tentu tidak akan dapat dibiarkan berjalan ~ sahaja;*

mahupun meskipun, walaupun;

memahu-mahu, memahukan **1.** memaksa-maksa supaya mahu; **2.** menghendakkan, mahu kpd;

memahui, mengemahui menghendaki, menuntut (supaya);

kemahuan kehendak, keinginan: *macam-macam kehendak dan ~ mereka;*

berkemahuan mempunyai kemahuan: *tabiat berfikir dan ~ secara bebas.*

mahubi sj tumbuhan (pokok renek), kelat menahun, medang melukut, menahun, nahun, nanas burung, sial menahun, *Pternandra echinata.*

mai I; *puki ~ bk* perkataan yg sangat kasar pengertiannya (digunakan sewaktu memaki).

mai II Kd, Pn mari;

pi ~ pergi dan datang, lalu-lalang; pi ~, pi ~ duk tang tu ki tidak berubah keadaannya.

main I **1.** sesuatu yg dilakukan utk bersenang-senang atau bersuka-suka (dgn menggunakan alat-alat tertentu atau tidak): *~ bola; ~ gasing; ~ guli; ~ jongkang-jongket; ~ tenis; 2. = bermain* berbuat sesuatu utk menyukakan atau menyenangkan hati (dgn menggunakan alat-alat tertentu atau tidak): *jangan ~ di tengah hujan nanti demam; 3.* bp melakukan sesuatu dgn sesuka hati (tidak bersungguh-sungguh,

sewenang-wenang): *dia kini telah pandai --- sabar*; **4.** berjudi: ~ judi; ~ *tikam ekor*; **5.** mempertunjukkan wayang (sandiwara dll); **6.** Id bp bekerja (utk mencari nafkah); **7.** sl kebijaksanaan (dlm mengerjakan sesuatu), kepandaian, muslihat: *tiada mengapa, lihatkan juga oleh saudaraku ~ si Tuah dgn seterusnya*;

~ *angin* selalu berubah (berputar belit) percakapannya; ~ *gila* berkelakuan (berbuat sesuatu) tidak senonoh atau kurang sopan; ~ *kasar* bp bertindak atau bercakap kasar; ~ *kayu* = ~ *muda* bp bersuka-sukaan (berseronok-seronok) dgn perempuan; ~ *kayu tiga* berpura-pura berbuat baik dgn tujuan berbuat jahat; ~ *mata* a) mengerling-ngerling (menjelingkan) mata; b) memberi isyarat dgn mata; ~ *pantai* sj perayaan memuja pantai; ~ *perempuan* bermukah dgn perempuan; ~ *rebutan* berebut hadiah yg digantungkan pd tiang yg dilicinkan; ~ *siku (sikut)* a) menyinggung dgn siku; b) menipu dll ke sana sini; ~ *sunglap* a) main silap mata; b) mengenakan tipu muslihat (kpd), memperdaya; ~ *tangan* memukul dgn tangan; ~ *tempel* bp meminta pertolongan kpd orang yg berkuasa; ~ *undi* a) main loteri; b) ark main dadu; *bukan ~* sungguh, sangat;

bermain **1.** melakukan sesuatu utk bersenang-senang atau bersuka-suka: *Amin belajar, ~ , bekerja dan berehat dgn berpedomankan jadual waktu itu*; ~ *badminton*; **2.** bermukah dgn, berjahat dgn: *sekali persetua Sultan Mahmud Shah ~ dgn isteri Tun Biajid*; **3.** = **bermain-main** muncul, timbul, dan mengganggu (fikiran dsb): *paling ditakuti apabila bayang-bayang peristiwa itu sering ~ di ruang matanya*; *kesemua persoalan itu tidak henti-henti ~ di kepalanya hingga kadang-kadang sukar untuk melelapkan matanya*;

~ dgn kata-kata menggunakan kata-kata dgn berbagai-bagai cara dan gaya; ~ tangan menggunakan ketangkasan tangan; ~ tangan panjang memegang-megang (meraba-raba) perempuan;

~ akal (budi) prb mengenakan tipu daya (tipu muslihat); ~ air basah, ~ api letup, ~ pisau luka prb tiap-tiap perbuatan atau pekerjaan ada akibatnya;

bermain-main **1.** bersenang-senang atau bersuka-suka (sambil melakukan sesuatu): *setiap hari kami ~*; **2.** tidak bersungguh-sungguh, berseloroh sahaja: *perkelahian mereka itu tidak sungguh-sungguh, hanya ~ sahaja*;

memainkan **1.** melakukan sesuatu dgn suatu benda selaku bermain-main atau bersuka-suka: ~ *lembing*; **2.** melagukan nyanyian dgn bunyi-bunyian: ~ *lagu keroncong*; **3.** membunyikan alat bunyi-bunyian: *budak itu telah pandai ~ piano*; **4.** menayangkan (wayang dll): *filem ini pernah dimainkan tahun lepas*; **5.** melakonkan (sandiwara, drama, dll): *Badan Keluarga Dewan Bahasa akan ~ drama Tamu Di Bukit Kenny esok malam*; **6.** memegang peranan sbg (dlm sandiwara, drama, dll): *ia ~ watak ayah dlm drama itu*; ~ *peranan* a) berlakon sbg; b) ki mengambil bahagian dlm;

mempermainkan, memain-mainkan **1.** = bermain-main dgn, menggunakan sesuatu utk bermain-main (sbg permainan): *ia tunduk dan jarinya kelihatan sedang memain-mainkan tepi tikar mengkuang; datuk itu bermisai panjang, tiada lepas tangannya dr misai, dimain-mainkannya*; **2.** memperlakukan utk bersenang-senang (mencari untung dll): *jangan ~ anak gadis orang; mereka dipermainkan sahaja oleh majikan mereka*; **3.** memainkan (sandiwara, wayang, dll): *Dalang Surung Rana pun berhenti di bawah pohon beringin, serta ~ wayangnya*; **4.** memperolok-

olokkan, mempersendakan, menyindir-nyindir, mengeji-ngeji: *maka banyaklah tingkah lakunya yg jenaka dipermainkan oleh orang kampung akan dia; awak banyak dosa, awak selalu ~ Islam;*

mainan, main-mainan **1.** benda yg digunakan (oleh kanak-kanak) utk bermain: *anaknya bermain dgn ~nya*; **2.** sesuatu yg kelihatan spt bentuk asli tetapi cuma tiruan sahaja: *bersama mereka dijumpai dua keping topeng hitam dan sepucuk pistol ~*; **3.** sesuatu yg digunakan utk bermain-main sahaja atau yg dipermainkan: *politik bukanlah satu ~ sebaliknya satu amanah, maka wajarlah dibantu dgn ilmu;*

permain sl teman bermain, orang yg menyukakan hati orang lain (dlm istana dll): *kanak-kanak itu diambil akan ~ supaya ramai istana hamba; maka ada seorang budak bongkok ~ mandudari, maka budak bongkok itu dipanah Seri Rama;*

permainan **1.** sesuatu yg digunakan utk bermain, sesuatu utk bermain-main sahaja, mainan; **2.** perihal bermain, perbuatan bermain (bola sepak dll): *~ yg paling digemari ialah bola sepak; ~nya kasar*; **3.** perbuatan yg dilakukan tidak dgn bersungguh-sungguh (utk main-main sahaja); **4.** pertunjukkan (wayang, sandiwara, dll), pementasan (drama dll): *dr bangku sekolah dahulu kau dah mulai cenderung dlm ~ pentas*; **5.** bp perempuan utk berseronok-seronok sahaja (bukan dijadikan isteri): *sesudah ditalak oleh suaminya ia menjadi ~ orang sahaja*; **6.** Id sj barang perhiasan (spt loket yg digantungkan pd kalung dll); **7.** sesuatu yg dipermainkan atau dipersendakan: *janganlah kamu jadikan agama kamu sbg ejek-ejekan dan ~; ~ puteri Kl cara mengubati penyakit oleh bomoh (memakai jampi, serapah, alat bunyi-bunyian, dll) dgn jalan bertutur dgn orang yg berada dlm keadaan tidak sedar; hujan*

panas ~ hari, senang susah ~ hidup prb telah menjadi perkara biasa bahawa hidup manusia itu ada ketikanya senang dan ada ketikanya susah;

sepermainan sama-sama bermain: *kami ~ semasa kecil*;

pemain 1. orang yg bermain (bola, piano, dll), pelakon (drama dll): *~ biola*; **2.** orang yg suka bermain judi: *wang permulaan diterima lebih banyak drpd yg biasa, yg ~ boleh bermain di tikar judi.*

main II; *burung ~ angin* sj burung, burung laki padi, *Cisticola juncidis malaya.*

mairat Ar, bp pergi, mati; **merat, maherat.**

mait Ar mayat.

maja = *~ batu (ingus)* sj tumbuhan (pokok), bel, bila, *Aegle marmelos.*

majahil; *tandil ~*; □ **tandil.**

majakani sj buah keras digunakan sbg ubat dan utk menghitamkan gigi.

majakaya tidak bersambung (tiang dll).

majakeling sj buah keras yg digunakan sbg ubat.

majal 1. tidak tajam (pisau, pedang, dll), tumpul: *kamu sendiri yg membuat tumpul dan ~ pedang yg tajam ini*; **2.** ki benak (fikiran, akal): *otaknya beku dan ~*; **3.** Kd jemu, bosan.

majalah terbitan berkala yg mengandungi makalah, fiksyen, gambar foto, dll;

~ bergambar majalah yg sebahagian besarnya diisi dgn gambar, *~ ilmiah* majalah yg mengandungi makalah yg bersifat ilmiah.

permajalahan hal yg berkaitan dgn majalah: *Simposium Dunia P~ Melayu 2003.*

majamuju □ **jemuju.**

majapahit 1. sj tumbuhan (pokok), maja batu, maja gelepung, maja gedang, maja lumut, *Aegle marmelos*; **2.** sj tumbuhan (pokok

renek), akar cambai (cangi ular), akar julung bukit, akar serai, tinjau binti, *Apama corymbosa*.

majaz, majazi Ar hanya sbg kiasan dll (bukan sebenarnya).

majer Jw mandul; □ **majir**.

majera □ **mejera**.

majezub Ar sasar kerana terlalu banyak memikirkan sesuatu (suluk dll).

majikan orang yg mengambil satu atau lebih pekerja, induk semang:
pekerja perusahaan itu tidak mendapat perhatian langsung drpd ~nya; kaum ~ pihak yg mengambil pekerja;

bermajikkan mempunyai seseorang, sesebuah syarikat atau sesebuah badan sbg majikan: *dia berasa beruntung kerana dapat ~ orang yg baik hati dan bertimbang rasa.*

majir Jk tidak dapat beranak, mandul; **majer**.

majistret (majistrét) pegawai awam yg menjadi hakim di mahkamah majistret rendah, hakim rendah; ~ *pekeliling* hakim rendah yg bergerak dr satu tempat ke satu tempat .

majlis I **1.** badan yg dilantik atau dipilih, yg mempunyai kuasa mentadbir, membuat peraturan dan menasihati: *M~ Perbandaran; M~ Keselamatan Negeri;* **2.** perjumpaan (orang ramai), keramaian: *dia dikehendaki hadir dlm ~ itu; ~ bahas (perbahasan)* perjumpaan tempat atau utk diadakan peraduan bahas; *ketua ~ ketua dlm sesuatu perjumpaan;* **3.** tempat (bangunan dll) persidangan (perjumpaan dll); ~ *peguam* majlis yg dibentuk atau ditubuhkan di bawah akta kehakiman yg mempunyai bidang kuasa mengawasi para peguam dan pengamal undang-undang.

majlis II **1.** cantik, elok, indah: *sikap ~ tidak terkira;* **2.** Mn bersih, apik, rapi.

majmuk terdiri atau terbentuk drpd beberapa bahagian dsb tetapi merupakan kesatuan;

cahaya ~ Id cahaya yg berasal atau terjadi drpd beberapa cahaya lain; *kalimat* ~ = *ayat* ~ (Lin) kalimat yg mengandungi (terdiri drpd) dua atau tiga kalimat lain; *kata* ~ (Lin) gabungan dua atau tiga perkataan yg mempunyai satu pengertian; *masyarakat* ~ masyarakat yg terdiri drpd beberapa kaum (suku bangsa) atau bangsa; *minyak* ~ sj minyak wangi (merupakan campuran drpd beberapa jenis minyak wangi lain);

memajmukkan menjadikan majmuk, menggabungkan dua atau beberapa kata dsb supaya menjadi bentuk majmuk;

kemajmukan sifat atau keadaan majmuk, kepelbagaian yg terdapat dlm sesuatu (gabungan, kesatuan, dll): ~ *imej budaya Malaysia sebelum 1969 telah bertukar kpd budaya Malaysia yg berteraskan kebudayaan Melayu*; ~ *masyarakat negara Malaysia*;

pemajmukan perihal (proses atau perbuatan) memajmukkan, penghasilan atau penciptaan sesuatu dgn memadukan dua atau beberapa bahagian atau unsur, penggabungan unsur-unsur dsb menjadi satu kesatuan: *penggabungan perkataan yg membawa satu makna yg tertentu disebut ~ dan hasilnya disebut kata majmuk*.

majnun Ar tidak siuman, gila; **junun**.

majoriti **1.** sebahagian atau sebilangan terbesar; **2.** kelebihan undi atau kerusi yg diperoleh oleh calon atau parti mengatasi bilangan undi calon atau parti yg lain.

majra □ **mejera**.

maju **1.** bergerak ke muka, mara, melangkah ke hadapan, mengasak ke hadapan (tentera dll): *guru menyuruh murid-murid yg bertutur itu supaya ~ sedikit*; *tentera Jepun sedang bergerak ~ ke selatan*; **2.** bertambah baik keadaannya (dlm pelajaran, perniagaan, dll): *perusahaan Pak Ali kelihatannya ~*; *bagaimana hendak ~ kalau*

engkau malas belajar; **3.** tinggi tamadunya (peradabannya, taraf hidupnya, dll): *negeri-negeri yg telah ~ spt Jepun patut membantu negeri-negeri lain di Asia yg masih mundur*; **4.** Id lulus (dlm peperiksaan, ujian): *siapa bilang aku ~ dlm ujian itu? ~ mundur bertambah baik ataupun buruk, maju atau mundur*;

memajukan 1. menyorong (menolak, menggerakkan) ke hadapan: *tolong majukan sedikit tikar itu*; **2.** meninggikan (taraf hidup, ekonomi, dll), memperluas, memperkembangkan (perdagangan, perusahaan, ilmu pengetahuan, dll): *kerajaan telah berjanji hendak ~ ekonomi rakyat di pantai Timur; segala langkah telah diambil utk ~ perusahaan kelapa sawit di negeri ini*; **3.** menjadikan lebih baik (sempurna dll), membaiki, memperelokkan: *ahli fizik bangsa Jerman, Planck, telah ~ teori kuantum dlm tahun 1910*; **4.** membawa ke tengah bantahan (usul, permintaan, dll) utk dipertimbangkan dsb, mengemukakan pendapat dsb: *setelah dipersetujui oleh jemaah menteri barulah rang undang-undang itu dimajukan ke Parlimen utk dibahaskan; tuntutan yg dimajukan oleh kaum buruh ditolak oleh pihak majikan*; **5.** Id membuat supaya lulus (dlm peperiksaan), meluluskan;

kemajuan perihal maju (taraf hidup dll): *~ yg tercapai dlm masa sepuluh tahun ini dapat dibanggakan*;

~ material kemajuan yg berkaitan dgn aspek kebendaan (spt kemajuan ekonomi); *~ rohaniah* kemajuan yg berkaitan dgn aspek kerohanian (spt etika, moral, dsb);

pemajuan perihal atau perbuatan memajukan;

pemaju orang (syarikat dsb) yg memajukan (membangunkan, mengusahakan, dsb) sesuatu kawasan (tanah dsb); *~ perumahan* orang atau syarikat yg membina rumah kediaman, rumah kedai, dsb di sesuatu kawasan utk dijual kpd orang ramai.

majuh gelojoh, lahap, rakus.

majun I ubat tradisional (dibuat drpd herba dan rempah ratus) yg dibentuk bulat-bulat dan dimakan utk menyihatkan badan.

majun II sj kain yg digunakan utk mencuci mesin dsb.

majung Mn serat yg digunakan sbg penyumbat celah-celah papan dll.

Majusi kaum yg menyembah api;

memajusikan menjadikan seseorang Majusi: *ibu bapalah yg bertanggungjawab utk meyahudikan, mengkristiankan atau ~ anak mereka.*

mak I 1. singkatan bagi emak; *sudah boleh jadi ~ budak* sudah cukup besar dan dewasa utk menjadi seorang ibu; **2.** panggilan atau sebutan utk orang perempuan yg lebih tua (yg ada hubungan kekeluargaan atau yg kerana umurnya patut dipanggil ibu):

~ *andam* a) perempuan yg mengandam (memepat serta mencukur rambut di dahi) pengantin perempuan; b) perempuan yg kerjanya menghias pengantin perempuan; ~ *angkat* = ~ *pungut* Id perempuan yg mengambil serta memelihara anak orang spt memelihara anaknya sendiri, ibu angkat; ~ *bonda* perempuan tua yg berlagak spt orang muda; ~ *bongsu* (*cu, su, usu*) adik perempuan kpd ibu atau kpd bapa yg bongsu; ~ *buyung* a) perempuan yg suka bercerita (terutama kpd kanak-kanak); b) sebutan kpd perempuan hamil; c) barua, muncikari, jaruman, pinang muda; ~ *cik* (*kecil*) a) mak muda, bibi; b) panggilan kpd perempuan (yg bukan berkeluarga dgn kita) yg sudah separuh umur; ~ *kopek* (*tetek*) inang pengasuh; ~ *labu* perempuan yg sedang mengandung ~ *long* emak saudara yg sulung; ~ *mek* Kd isteri; ~ *mentua* ibu kpd isteri atau suami; ~ *muda* (*da, uda*) a) adik perempuan ibu atau bapa, mak kecil; b) isteri yg muda; ~ *nam* singkatan dr sebutan mak andam; ~ *ngah* (*tengah*) saudara

perempuan ibu atau bapa yg tengah; ~ *nyah* bp panggilan kpd golongan pondan; ~ *saudara* saudara perempuan ibu atau bapa; ~ *tiri* ibu tiri; ~ *tua (wa)* a) saudara perempuan ibu atau bapa yg lebih tua; b) isteri bapa yg tua; **emak**.

mak II Mn mamak.

maka 1. sl lalu, sudah itu lalu, dan (dipakai utk memulakan ayat): ~ *fakir namanya hikayat ini Sulatul-Salatin yakni peraturan segala raja-raja; apabila dilihatnya lanun-lanun sudah pergi semuanya, ~ pemuda itu pun keluarlah dr tempat bersembunyiannya; 2.* = ~ *itu, ~nya* = ~ *dari itu* sebab itu, kerana itu: *kerana terlalu susah hidupnya, ~ terpaksa dia pindah ke tempat lain; 3.* bahawa: *itulah sebabnya ~ dia gagal dlm peperiksaan itu; 4.* = ~ *nya* dgn sebab itu: *dgn bermain ombak dan membiasakan diri menempuh gelora itulah ~nya penyakit mabuk laut akan hilang.*

makalah rencana atau artikel tentang sesuatu perkara, biasanya yg disiarkan dlm majalah, surat khabar, dll;

pemakalah orang yg menulis (menyediakan, membentangkan dsb) makalah.

makam I ark tempat kediaman: *maka baginda pun berangkatlah lalu sampai kpd suatu ~ bernama Pedada;*

bermakam mempunyai tempat kediaman, bersemayam.

makam II 1. kubur (digunakan utk orang yg dihormati spt nabi, para wali, keluarga diraja, dsb): *pd hari Jumaat yg lalu, Sultan pergi menziarahi ~ ayahandanya; 2.* = **permakaman** perkuburan: *mayat askar-askar yg terkorban dlm serangan hendap itu dikebumikan di ~ pahlawan; M~ Nabi Ibrahim* bekas tapak kaki Nabi Ibrahim berhampiran dgn Kaabah, iaitu salah satu tempat yg doa pengunjungnya mustajab;

memakamkan menanam mayat, menguburkan, menguburkan:
istiadat ~ jenazah Sultan;

pemakaman perihal memakamkan, penguburan: *~ Tok Engku telah dijalankan dgn penuh istiadat.*

makan 1. memamah serta menelan makanan, mengunyah (menelan, melurur, menghisap, dll) sesuatu: *jemputlah ~ kuih ini; ~ candu menghisap candu; ~ pil menelan pil; ~ sirih mengunyah sirih;* 2. = *~ nasi memamah serta menelan nasi: engkau sudah ~ Sim?* 3. rezeki: *bagaimana hendak mencari ~ kalau kesihatanku selalu terganggu;* 4. menggunakan (menghabiskan, memerlukan, dll) masa, wang, dll: *pekerjaan ini banyak ~ belanja; menggali parit ini sahaja ~ masa lebih kurang dua bulan; kereta saya banyak ~ minyak;* 5. melukai atau menembusi (senjata, air soda, dll), lut: *ditikamnya, tetapi tidak ~;* 6. bekerja spt yg dijangkakan (brek dll): *brek basikal ini tak ~;* 7. dapat masuk (barang yg dimasukkan ke lubang dll), masuknya: *paku itu hanya setengah inci ~ ke dlm papan itu;* 8. mengikut (nasihat dll), menerima (pengaruh, pujukan, dll): *inilah jadinya kalau orang tak ~ nasihat; sedikit pun tidak ~ dlm hatinya bahawa tunangnya tidak setia kepadanya;* 9. ki menggelapi (wang dll), mengambil secara haram (wang): *Pegawai Perumahan ini kuat ~ duit;*
~ ampun sl minta ampun; ~ angin a) bersiar-siar utk mendapat angin bersih (berehat-rehat, melapangkan fikiran, dll); b) mendapat angin (kapal, layar, dll); *~ angkat* suka dipuji-puji; *~ arwah* kenduri arwah (utk memperingati orang yg telah mati); *~ bawang* ki marah; *~ benak* menarik keuntungan yg besar; *~ beradap* memakan nasi adap-adap (biasanya nasi kunyit berserta dgn lauknya) yg disajikan kpd pengantin ketika bersanding; *~ berdamai* makan bersama-sama pertama kali (bkn pengantin); *~*

besar a) jamuan makan beramai-ramai dgn berbagai-bagai jenis hidangan makanan, minuman dsb; b) jamuan makan bersama-sama ahli keluarga pd petang atau malam menjelang Tahun Baru Cina; ~ *budi* menerima kebaikan (pertolongan dll) orang lain; ~ *bunga* mengambil keuntungan (faedah) drpd apa yg dipinjamkan; ~ *butir* K1 dlm keadaan motobot dsb tersangat sarat dgn muatan (hingga air mencecah papan teratas): *duduk baik-baik kerana bot ini ~ butir. Nanti tenggelam*; ~ *cekak* sanggup melawan (mengatasi dll); ~ *dalam* (orang yg) pendiam tetapi banyak berfikir atau pengalaman; ~ *(menghisap) darah* a) mengambil untung yg besar drpd orang lain (spt mengenakan bunga yg sangat tinggi sewaktu meminjamkan wang dll); b) sebal hati, bersedih; ~ *dawai* (*kawat, kerawat, tali*) sangat miskin; ~ *di punca kain* K1 hidup melarat; ~ *diri* kesihatan terganggu (kerana sedih dll); ~ *duit* (*emas*) a) menerima wang suap; b) membelanjakan wang kerajaan (majikan dll) utk keperluan sendiri; ~ *gaji* (*upah*) bekerja pd orang utk mendapat gaji (upah); ~ *gambar* fotogenik; (*banyak, kenyang*) ~ *garam* mempunyai banyak pengalaman dlm hidup; ~ *hak* melanggar hak orang; ~ *hati* (*berulam jantung*) dukacita yg amat sangat (akibat gagal dlm percintaan dll); ~ *kawan* (*teman*) sendiri menyusahkan (memfitnah, mencelakakan, dll) kawan sendiri; ~ *kerawat* sangat miskin; ~ *keringat orang* menikmati kesenangan hidup dgn memeras tenaga orang; ~ *kuli* bekerja sbg kuli; ~ *luar* a) makan di kedai, warung, restoran dsb (bukan di rumah); b) ki mengadakan hubungan seks bukan dgn suami atau isteri sendiri; ~ *malam* (*pagi, siang*) makan pd waktu malam (pagi, siang) hari; ~ *nasi dgn garam* sangat miskin; ~ *nasi kawah* makan beramai-ramai (sewaktu membuat sesuatu pekerjaan dll); ~ *nikmat* sl makan makanan yg lazat-lazat; ~ *pelewar* dlm keadaan motobot

dsb yg dipenuhi air hingga mencecah enjin: *Ali menimba air dlm botnya kerana air sudah ~ pelear; ~ pencen* hidup dgn mendapat wang pencen drpd kerajaan (sesudah bersara); *~ puluk* Id makan dgn tangan; *~ ransom* makan beramai-ramai; *~ riba* meminjamkan wang dgn bunga yg tinggi; *~ sahur* makan sebelum masuk waktu imsak dlm bulan Ramadan; *~ suap (sogok)* menerima suap (rasuah); *~ sumpah = dimakan sumpah* mendapat kesusahan kerana ingkar akan sumpah, terkutuk; *~ tanah* a) jatuh tersungkur di tanah; b) sangat miskin; *~ tangan* a) kena penumbuk (tinju); b) mendapat keuntungan besar secara tidak disangka-sangka; *~ tanggung* hidup di bawah jagaan orang lain; *~ tidur* hidup dgn tidak membuat apa-apa pekerjaan; *~ tuan* mengenai tuannya sendiri (senjata dll); *~ tulang* menyuruh orang supaya bekerja kuat;

~ hati berulam jantung prb menderita kerana perbuatan orang yg karib (spt sahabat, suami, dll); *~ upas berulam racun* prb hidup dlm kesusahan; *sudah ~ bismillah* prb tidak menurut aturan, terbalik; *telah habis maka dimakan* prb berhemat cermatlah dlm semua perkara; *tempat ~ jangan diberaki* prb jangan membuat sesuatu yg tidak baik kpd orang yg pernah memberi perlindungan (pertolongan dll); *tidak ~ siku-siku* prb cakap seseorang yg berleleran sahaja (tidak menurut tujuannya);

memakan 1. makan (dgn lebih aktif): *mereka pun duduk ~ sarapan pagi*; 2. memerlukan atau menghabiskan (waktu, belanja, dll), mengambil: *ini tentulah ~ belanja lebih drpd satu ribu ringgit; pelayaran itu ~ masa selama lapan minggu*; 3. merosakkan, membinasakan, memusnahkan: *rumah itu dimakan api; pisau itu dimakan karat*; 4. mematikan (dlm permainan catur dll): *hampir dimakannya raja saya*;

dimakan akal masuk akal; *dimakan pakaian* cocok benar padanya (pakaian); *dimakan tikus* bp digelapkan (digunakan) wang dll; *dimakan tua* bp telah lama hidupnya, sudah tua;

memakani memakan dgn banyaknya, acapkali memakan: *ia asyik ~ buah-buahan yg dibawanya sendiri dr rumah*;

memakankan 1. mengusahakan (memberi dll) supaya sesuatu dimakan; 2. memakan utk;

termakan 1. sudah dimakan (dlm erti kiasan dll): *besi itu habis ~ karat*; 2. makan dgn tidak sengaja: *Ali dirawat di rumah sakit sebab ~ racun*; *dia ~ a) dia kena racun*; b) dia kena guna-guna; 3. ki dapat diterima (akal dll), terpengaruh; *perkataan itu ~ olehnya* perkataan itu dapat diterimanya; 4. dapat dimakan: *ikan yg didapatinya itu terlalu banyak hingga tidak ~ lagi*;

~ *budi* menerima pertolongan (kebaikan dll) drpd orang lain, kebuidian; ~ *bulan* terlewat waktu (tempoh) yg ditetapkan; ~ *dlm hati* meresap dlm hati; ~ *janji* tidak menepati janji; ~ *oleh akal* masuk akal, boleh diterima oleh fikiran;

makanan apa sahaja yg boleh dimakan (spt nasi, roti, dll), rezeki: *segala ~ spt sayur-sayuran dan ikan semuanya murah*;

~ *berzat* makanan yg mempunyai zat (vitamin, protein, dll); ~ *laut* makanan atau hidangan yg bahan utamanya ialah hidup-hidupan laut spt ikan, sotong, udang, ketam, kerang-kerangan dsb: *restoran ~ laut*; ~ *ringan* makanan yg tidak begitu mengenyangkan (spt keropok, kacang, dll) yg dimakan sambil-sambilan; ~ *ruji* makanan utama sehari-hari (spt beras bagi penduduk Asia); ~ *segera* makanan yg ringkas dan dapat disediakan dgn cepat;

makan-makanan bermacam-macam jenis makanan;

kemakanan habis dimakan: *jagalah baik-baik pedang itu, supaya tidak ~ karat*;

pemakanan **1.** jenis-jenis makanan yg lazimnya dimakan atau ditentukan utk dimakan, pilihan jenis-jenis makanan seseorang dll: *masalah salah ~ dan kekurangan vitamin masih lagi berleluasa di dunia moden hari ini; ~ yg tidak seimbang; ~ semasa hamil;* **2.** perbuatan (proses) makan: *bahan radioaktif masuk ke dlm tubuh manusia melalui proses ~ dan peminuman;*

pemakan **1.** orang (binatang dll) yg memakan: *binatang ini termasuk jenis binatang ~ daging;* **2.** apa yg digunakan utk jodoh makanan: *lauk ~ nasi; kapur ~ sirih; se~ sirih sama lamanya dgn orang makan sirih;* **3.** orang yg suka makan: *Ali memang ~;* ~ *bawang* ki orang yg pemarah; ~ *gaji* orang yg makan gaji; ~ *upah* orang yg mengambil upah.

makar I Ar **1.** tipu daya, akal muslihat, kecurangan: *perlulah sekarang dicari lain akal dan ~;* **2.** perbuatan dll dgn maksud menyerang (menyakiti, membunuh) orang dll.

makar II bangkar (buah-buahan), keras.

makar III Kd kelakar.

makara I patung kepala binatang buas (yg terdapat pd candi dll zaman dahulu).

makara II nama kelompok bintang, bintang sarta; **mengkara.**

makaroni sj bahan makanan drpd tepung gandum, berbentuk pembuluh (biasanya dipotong pendek-pendek) yg dikeringkan, dan dimasak utk dijadikan makanan.

makas sl keras; *keras* ~ sangat keras; □ **mangkas I.**

Makau nama sebuah pulau di selatan negeri China;

benang ~ benang emas atau perak; *sambal* ~ Kd sambal yg dimakan dgn timun; *wayang* ~ wayang Cina.

makau-po C, bp perempuan lacur (drpd bangsa Cina).

makaw sj burung yg rupa bentuknya spt burung nuri (tetapi lebih besar),
Ara spp.;

~ *biru kuning* sj burung, *Ara arauna*; ~ *kuning merah* sj burung,
Ara macaw; ~ *merah biru* sj burung, *Ara chloroptera*.

makbud Ar; *Allah almakbud* Allah yg disembah.

makbul **1.** diterima (permintaan, doa, dll), tercapai (maksud dll),
berhasil: *semua permintaannya sudah pun ~* ; **2.** mustajab (ubat,
jampi, dll), manjur, mujarab: *maka jampi pawang itu tiada~*;

memakbulkan menerima (permintaan, doa, dll), mengabulkan,
menyampaikan (maksud dll), memperkenalkan: *permintaannya
itu dimakbulkan oleh Kongres*;

termakbul diterima (permintaan, doa, dll), terkabul, tercapai
(maksud dll): *harapan hatinya ~lah sudah*;

kemakbulan perihal makbul: *utk ~ doa, banyak kaedah perlu
diikuti*.

makdan Ar lombong; ~ *emas* lombong emas.

makelar IB orang yg menjadi perantara dlm perdagangan (menjualkan
barang-barang atau mencarikan pembeli utk orang lain), broker.

makemono (makémono) (Jepun) (S.Lukis) lukisan skrol Jepun yg
digantung melintang.

makhdom Ar ark tuan (biasanya gelaran utk ahli agama).

makhfi Ar sl yg tersembunyi, rahsia.

makhluk Ar segala yg dijadikan Tuhan (spt manusia, binatang, dll):
manusia adalah ~ pilihan Tuhan; ~ *halus* makhluk spt jin dan
syaitan yg hidup dlm alam ghaib.

makhraj Ar tempat keluar bunyi huruf (alif hingga ya) spt di halkum,
lidah, bibir dsb.

maki kata yg kasar dan keji (utk menghina, memarahi, orang, dll):
mereka bersorak-sorak mencetuskan ~ dan marah terhadap majikan yg tidak berperikemanusiaan;

~ *hamun* = *caci* ~ kata-kata yg sangat kasar dan keji; *mencaci* (*mencuci*) ~ mengucapkan kata-kata yg kasar dan keji (utk menghina, memarahi, dll);

memaki, memaki-maki mengeluarkan kata yg keji-keji (kpd): *ia marah lalu ~ isterinya;*

makian kata yg kasar dan keji (utk menghina, memarahi, dll),
maki: *budak-budak itu tidak langsung menghiraukan ~ dan sumpah seranah itu.*

makin 1. = **semakin** menjadi lebih, kian bertambah: *hati Maskam ~ meradang; lanun-lanun itu ~ buas; 2.* sl lebih-lebih lagi, apa lagi.

maklaf Ar ark tempat utk mengisi makanan kuda dll, palung.

maklum 1. sudah tahu, sudah mengerti, faham, mengerti, mengetahui:
kamu semua sudah sedia ~ bahawa perjumpaan ini adalah yg terakhir utk tahun ini; 2. = **maklumlah** tahu sahajalah, sudah barang tentu, tentu sudah tahu: ~ *aku ini orang miskin; ~ balas maklumat yg diterima kembali sbg menjawab pertanyaan (soal selidik dsb atau sbg reaksi dsb sesuatu tindakan (kegiatan, keputusan, dsb));*

memaklumi memahami, mengetahui: *aku harap kamu semua telah ~ perkara ini;*

memaklumkan 1. membuat maklum, menjadikan maklum, memberitahukan, mengkhabarkan, menyatakan: *ia datang hendak ~ hal-ehwalnya; dipermaklumkannya yg ia hendak membalas kematian isterinya itu; 2.* mengumumkan sesuatu (keputusan dll), menyatakan (perang dll), mengisytiharkan (kemerdekaan dll):
mereka ~ perang dgn Belanda;

termaklum sudah dimaklumi, sudah diketahui;

makluman apa-apa yg dimaklumkan, pemberitahuan;

pemakluman pengumuman, pengisytiharan, pernyataan;

pemaklum orang yg memaklumkan sesuatu, orang yg memberikan makluman.

maklumat **1.** makluman, pemberitahuan, pengumuman: *~ akan diberikan di dlm risalah*; **2.** keterangan, butir-butir: *~~ mengenai angkatan perang telah sampai ke Yedo dr Okinawa*; **3.** pengetahuan: *utk ~ ahli-ahli saham syarikat, mesyuarat agung tahunan ditangguhkan*;

memaklumatkan memberitahukan, memaklumkan.

maklun Id, bp upah membuat pakaian dll.

makmal tempat mengadakan percubaan atau penyelidikan segala sesuatu yg berhubung dgn ilmu sains (fizik, kimia, dll), laboratorium; *~ bahasa bilik* yg dilengkapi dgn perakam pita dsb utk pembelajaran bahasa asing.

makmum Ar **1.** pengikut imam dlm sembahyang: *sembahyang jemaah itu ialah sembahyang yg mempunyai perhubungan antara ~ dgn imam*; **2.** bp menurut, mengikut: *dia hendak ~ sahaja*.

makmur **1.** mempunyai hasil yg banyak (daerah, negeri, dll), mempunyai penduduk yg banyak dan cukup kehidupannya: *negeri Jepun adalah negeri yg paling ~ di Asia pd masa ini*; **2.** bp hidup mewah (serba cukup dll), tidak kekurangan apa pun: *nampaknya engkau ~ sekarang*;

persemakmuran persekutuan negara-negara yg pernah dijajah oleh British, iaitu Komanwel;

memakmurkan memajukan supaya makmur: *ia diberi tugas utk ~ daerah yg mundur itu*;

kemakmuran perihal makmur (mewah, serba cukup, sejahtera, dll): *~ sesebuah negeri bergantung terutama sekali pd kerajinan penduduk-penduduk negeri itu;*

pemakmuran perihal (perbuatan, tindakan dsb) memakmurkan: *sumbangan ini amat membantu utk membina ~ budaya ummah.*

makna erti atau maksud (sesuatu perkataan dll): *kalau tidak tahu ~ sesuatu perkataan, janganlah gunakan perkataan itu;*

~ fungsian (Lin) makna unsur linguistik yg dilihat dr segi fungsi tatabahasanya; *~ kiasan* makna kata yg tidak merujuk kpd makna harfiah, tetapi dikiaskan sbg ibarat, mis *jambu* yg bererti *cantik* atau *lawa*; *~ konteks* (Lin) makna yg menunjukkan hubungan antara ujaran dgn keadaan; *~ leksikal* (Lin) makna kata spt yg terdapat di dlm kamus;

bermakna **1.** mempunyai (mengandungi) erti, bererti; *~ berbilang* mempunyai (mengandungi) beberapa erti; **2.** penuh tujuan, bermanfaat, penting, bererti: *pemberian itu sangat ~ bagi kami; dia merasakan seolah-olah kehidupannya sudah tidak ~ lagi setelah beberapa kali dikecewakan;*

memaknakan menjelaskan erti (maksud) sesuatu perkataan dll;

pemaknaan perihal atau proses memberi makna, pengertian: *dlm bahasa Melayu Indonesia masih ada sistem tanda yg berhubung dgn raja spt bersantap, beradu, beta yg ~nya tidak sama dgn yg pernah ada sebelumnya.*

MAKNA akronim bagi Majlis Kanser Nasional.

maknawi Ar **1.** berhubung dgn makna, mengikut ertinya; **2.** penting, kepentingan.

maknga Kl, Tr cuai, lalai.

makramat Ar kehormatan, kebaikan hati.

makrifat Ar **1.** ilmu mengenali sesuatu; **2.** (dlm ilmu tasawuf) ilmu mengenali hal kerohanian pd peringkat yg tertinggi atau sempurna;

bermakrifat **1.** (dlm ilmu tasawuf) berfikir dalam-dalam tentang sesuatu, bertafakur; **2.** mengetahui benar-benar: *bolehkah hamba ~ bahawa hamba akan mati bersama-sama dgn ibu hamba?*

makrifatullah Ar ilmu mengenali Allah: *bahasa, karya kesusasteraan dan alam semesta semuanya merupakan tanda keagungan Allah dan jalan utk ~.*

makro meliputi skop (hal, faktor dsb) yg umum atau menyeluruh: *kerajaan pusat melihat keperluan dan masalah pembangunan pd peringkat ~, manakala kerajaan negeri pula peringkat mikro; bandingkan perubahan sosial pd tahap ~ dan mikro.*

makro- awalan asing besar, banyak, menyeluruh, mis *makroekonomi*.

makrobiotik sistem pemakanan yg bersumberkan biji-bijian penuh dan sayur-sayuran yg ditanam tanpa menggunakan bahan kimia.

makroekonomi (makroékonomi) kajian aspek-aspek ekonomi (spt pengangguran, pendapatan, dll) secara menyeluruh.

makrofit (Bio) tumbuhan akuatik yg terdapat di dlm sungai, kolam atau laut, mis kiambang dan keladi bunting.

makromastia (Ubat) keadaan apabila buah dada menjadi terlalu besar.

makromelia (makromélia) (Ubat) keadaan apabila anggota tubuh (tangan atau kaki) menjadi lebih besar drpd normal.

makropodia (Ubat) keadaan apabila kaki menjadi sangat besar.

makroprosopia (Ubat) keadaan apabila muka menjadi terlalu besar.

makropsia (Ubat) keadaan pd seseorang apabila objek kelihatan lebih besar drpd saiznya yg sebenar.

makrorinia (Ubat) keadaan apabila hidung menjadi terlalu besar.

makroskopi pemeriksaan sesuatu objek dgn mata kasar.

makruf Ar **1.** ketahuan, terkenal, masyhur; **2.** perbuatan baik: *amar ~;*

kemakrufan kebaikan: *politik yg sihat akan melahirkan segala kebaikan ~; keadaan berhijrah drpd kemaksiatan, kemunggaran, dan kefasikan kpd ketaatan dan ~.*

makruh Ar perkara yg dilakukan tidak berdosa dan jika ditinggalkan mendapat pahala: *melambat-lambatkan berbuka puasa adalah ~ hukumnya;*

memakruhkan menyebabkan sesuatu (perbuatan, tindakan) menjadi makruh: *maka dimakruhkan suami mengambil harta yg dijadikan tebus diri isteri.*

maksi pakaian (gaun) yg labuhnya hingga ke pergelangan kaki (atau ke paras lantai).

maksiat perbuatan yg melanggar perintah Allah, perbuatan yg berdosa (yg keji);

bermaksiat melakukan maksiat: *orang yg ~ akan menerima padahnya;*

kemaksiatan pelbagai perbuatan (hal dsb) yg bersifat maksiat, segala-gala (perbuatan dll) yg berdosa: *ternyata baginya kepincangan dan ~ yg dilakukan oleh manusia, dapat disaksikan di mana-mana sahaja.*

maksila (Bio) rahang atas.

maksilitis (Ubat) radang pd rahang atas.

maksima □ **maksimum**.

maksimal IB sebanyak-banyaknya, setinggi-tingginya: *tulisan ilmiah yg sangat teknikal, yg objektivitas dan abstraksi mencapai titik ~nya.*

maksimum jumlah yg sebanyak-banyaknya, paras dsb yg setinggi-tingginya: *dgn ~nya pengeluaran ekonomi, maka lebih banyaklah barang-barang yg boleh dibahagi-bahagikan antara rakyat;*

memaksimumkan menjadikan sebanyak-banyaknya (setinggi-tingginya): ~ *pengeluaran kelapa sawit*; ~ *kadar pertumbuhan ekonomi*;

pemaksimuman perihal (usaha, proses, dsb) memaksimumkan sesuatu: *matlamat pengeluaran eksport akan digerakkan dgn mengambil ingatan tentang ~ pendapatan petani dan bukan semestinya ~ pendapatan negara*.

maksud 1. tujuan, hajat, kehendak, niat: ~ *aku ke sini ialah hendak berjumpa dgn engkau*; ~ *hatiku pun hendak ke sana juga*; **2.** erti yg tersimpul dlm sesuatu ayat (perbuatan dll): *apakah ~ perkataanmu itu?*; *aku masih belum tahu lagi ~ aku dipanggil*;

bermaksud 1. bertujuan, berhajat, berkehendak, berniat (hendak): *kami ~ hendak menyerahkan wang itu dgn seberapa segera*; **2.** mengandungi erti: *apa yg diucapkan sebentar tadi itu tidak ~ demikian*;

memaksudkan 1. menghendaki, meminta: *dialah yg dimaksudkan hadir dlm seminar itu*; **2.** memberi erti yg sebenar, (hendak) menyampaikan atau menyatakan (sbg maksud): *Ali masih samar-samar tentang apa yg dimaksudkan oleh perempuan tua itu*; *apabila ia menerangkan tentang pendekatan struktur, ia ~ pendekatan formalistik juga*;

termaksud dikehendaki, dimaksudkan.

maksum Ar terpelihara atau bebas drpd dosa, tidak tercela, tidak berdosa.

maksyuk Ar yg mengasyikkan, yg dikasihi (tercinta), buah hati.

maktab 1. tempat belajar (menulis dll), sekolah; **2.** tempat tulis-menulis, pejabat; **3.** sekolah atau institusi utk ilmu khas (spt ilmu perguruan, pertanian, teknik, dll), kolej: ~ *perguruan bahasa*; ~

pertanian; ~ teknik; 4. institusi pendidikan tinggi; M~ Turus Angkatan Tentera pusat latihan utk pegawai tinggi tentera.

maktub kitab suci;

memaktubkan menulis (dlm sesuatu), mencatatkan, merakamkan:
hasil drpd laporan Suruhanjaya Reid yg telah ditubuhkan utk mengurus Perlembagaan Malaya, pembentukan sebuah parlimen negara telah dimaktubkan dlm perlembagaan;

termaktub tertulis, tercatat: *perkara ini ~ di dlm Perlembagaan Persekutuan;*

pemaktuban perihal memaktubkan sesuatu: *~ dasar utk menggalakkan pelaburan modal asing.*

makwe bp teman wanita bagi seseorang lelaki.

makyung sj drama tari (yg mempersembahkan cerita dgn tarian dan nyanyian).

makzul Ar meletakkan jawatan, turun dr takhta (raja);

memakzulkan memecat drpd jawatan, menurunkan drpd takhta.

mal I 1. bahagian pangkal (dr mata lembing, pedang, dll), ganja (keris);
2. bahagian atas atau kepala tiang (kaki meja dll).

mal II Ar harta benda, khazanah; *baitul~* tempat menyimpan segala harta benda, perbendaharaan.

mala I = **termala** ark layu (bunga): *hari pagi bunga nan kembang, bunga yg merah ~ dahulu.*

mala II Mn air bangkai yg sangat busuk, danur; *harum semerbak mengandung ~ prb orang yg dipuji-puji kerana jasanya tetapi jasanya itu diperolehnya dgn jalan yg tidak baik.*

mala III (Sanskrit) sl kotor, cacat, cemar, hina, noda.

malabera sj tumbuhan (pokok) dlm famili Loganiaceae, *Fagraea crenulata*; *~ bukit* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Rubiaceae, *mempedal babi, Mussaendopsis beccariana.*

mala fide (mala fidé) (Latin) (Udg) berkaitan dgn sesuatu tindakan atau keputusan yg berdasarkan niat yg buruk.

malagangai sj tumbuhan (pokok) dlm famili Lauraceae, *Eusideroxylon malagangai*.

malah I = malahan 1. bahkan, kian (bertambah), makin (bertambah): *bukan itu sahaja, ~ aku sanggup berbuat apa sahaja utk menolong engkau; hujan yg kelihatan reda sebentar tadi ~ lebih lebat sekarang;* **2.** padahal, sedangkan: *jangan hendak pergi, ~ bergerak dr tempat duduknya pun tidak.*

malah II Mn 1. lah: *kalau disewa kereta, rugi ~ awak;* **2.** marilah: *~ kita ke pasar;* **3.** kalau, asalkan; *~ begitu kalau begitu.*

malahan □ **malah I.**

malai I untaian bunga drpd emas atau intan dll yg dipakai utk menghiasi kepala (tombak dll);

bermalai mempunyai atau ada malai: *dulapan bantal susun bertampuk emas permata dan ada yg bertelepok bunga ~ emas; ~ spt sehari bulan;*

bermalaikan mempunyai malai drpd: *cogan alamat yg ~ emas berpermata dikarang;*

memalai ark **1.** menghiasi dgn malai; **2.** spt malai.

malai II Br 1. sebutan kpd orang yg berketurunan Arab; **2.** timang-timangan utk orang yg disayangi.

malaik ark □ **malak.**

malaikat Ar sj makhluk yg diciptakan Allah drpd nur (cahaya), sifat dan tabiatnya sentiasa tunduk dan patuh kpd Allah dan tidak pernah melanggar perintah-Nya;

kemalaikatan berkaitan dgn malaikat, yg menunjukkan sifat-sifat (dsb) malaikat: *manusia mempunyai tiga unsur utama – ~, kehaiwanan, dan kesyaitanan.*

malaiatulmaut Ar malaikat yg mengambil nyawa manusia (Izrail).

malai-malai sj tumbuhan (pokok).

malaise IB keadaan yg serba susah (terutama dr segi perdagangan), meleset; *zaman* ~ zaman serba susah (dlm perdagangan dll), zaman meleset.

malak Ar malaikat.

malakamo Mn; *buah si* ~ sj buah yg sama ada dimakan atau tidak akan mendatangkan kesusahan (sbg perumpamaan sahaja); *bagai makan buah si* ~, *dimakan mati ibu, tak dimakan mati bapak* prb dlm keadaan serba salah (sama ada dibuat atau tidak, pekerjaan itu tetap akan mendatangkan bencana).

malakut Ar **1.** = *alam* ~ alam atau tempat malaikat dan roh; **2.** kerajaan.

malam **I** = ~ *hari* waktu mulai dr matahari masuk sampai matahari terbit,

lwn siang: ~ *ini engkau jangan pergi ke mana-mana; jangan main di tanah lagi, hari sudah* ~;

~ *buta* = ~ *boleh* Kl, Tr malam yg sangat gelap (gelap-gelita); ~

dansa Id pesta tari-menari (pd malam hari); ~ *gembira* perjumpaan

yg diadakan pd malam hari utk bersuka ria; ~ *ini* = ~ *sekarang* pd

malam hari nanti (nanti malam); ~ *Minggu (Isnin)* malam

menjelang hari Minggu (Isnin); ~ *panjang* malam minggu; ~ *ria*

pesta yg diadakan pd waktu malam (utk bersuka ria); *spt siang dgn*

~ sangat jauh perbezaannya;

malam-malam sudah jauh malam, pd waktu malam: *apa engkau hendak cari pergi ke bandar ~ hari ini?*

semalam **1.** satu malam: *kalau ke kampung nanti, tidurlah di*

rumah nenek barang ~; **2.** sepanjang malam: *maka ~ itu Hang*

Tuah pun berhikayat pelbagai cerita; **3.** hari sebelum hari ini,

kelmarin: ~ *kami pergi berkelah ke Port Dickson*; **4.** malam

sebelum malam ini, malam tadi: ~ *dia pergi menonton filem di panggung Rex*; ~ *suntut* sepanjang malam;

~ *di bawah nyiur pinang orang, kata orang diturut* prb hendaklah kita menurut adat istiadat negeri yg kita tumpangi;

semalam-malaman, semalaman sepanjang malam, semalam *suntut*: *maka belayarlah juga ~ itu*; *semalaman itu kami tidak tidur*;

bermalam 1. tidur, menginap: *mahu tidak mahu kami terpaksa ~ di pondok kecil itu*; **2.** sudah disimpan semalam (bkn masakan), sudah basi atau tidak sedap lagi dimakan: *aku berasa hendak muntah sesudah makan lauk yg sudah ~ itu*;

bermalaman tidur bersama, berseketiduran;

memalami Mn berjaga-jaga kerana menunggu orang sakit dll;

memalamkan, mempermalamkan menyimpan sesuatu (ubat dll) utk satu malam, membiarkan bermalam;

kemalaman hari menjadi malam (ketika masih dlm perjalanan dll): *saya ~ hajat hati nak tumpang berteduh*;

pemalaman, permalaman ark tempat (rumah dll) bermalam, penginapan.

malam II Jw ark lilin (utk membatik).

malan 1. mabuk pinang; **2.** berasa kurang selesa (kerana agak mabuk, sedih, bingung, dll).

malang 1. letaknya melintang (mengalang): *pd tiap-tiap sawah terlihatlah beberapa tali ~ melintang*; **2.** nasib yg tidak baik (tidak beruntung), celaka, sial: *tolonglah hamba yg ~ ini*; **3.** = **malangnya** dikesalkan sedikit, dukacita: ~ *nya kebanyakan orang yg terkena penyakit itu tidak mahu berjumpa doktor*;

~ *celaka Raja Genggang tuak terbeli tunjang hilang* prb hal orang yg malang sewaktu sampai maksud yg kedua yg sudah di tangan

hilang pula; ~ *tak berbau* prb kecelakaan yg tidak dapat diketahui sebelumnya; ~ *tak boleh ditolak, mujur tak boleh diraih* prb nasib buruk tidak dapat dielakkan begitu juga nasib baik tidak boleh dicari-cari;

memalangi ark menghormati, menyegani: *di kalangan penduduk kampung itu, dia sangat dimalangi*;

kemalangan 1. kecelakaan, kesialan, kerugian, kesusahan: *abang engkau telah terlibat dlm satu ~ kereta di utara Semenanjung*; **2.** tertimpa malang (celaka), mendapat kecelakaan: *kalau-kalau ada antara kawan-kawan yg ~ dlm masa ribut besar semalam itu; mendapat ~ mendapat celaka (spt luka-luka atau mati dilanggar kereta, jatuh dr pohon, dll).*

malangbang ark sl sj perahu (kapal).

malangkamo □ **malakamo.**

malangkan sj tumbuhan (pokok), bulangkan, katang, *Cynometra polyandra.*

malap 1. tidak terang cahayanya (lampu), kurang terang, muram, suram, pudar (cahaya): *api itu sekejap marak dan sekejap ~; cahaya ~ menerangi bilik*; **2.** hampir padam (api); **3.** ki tidak aktif (segar dsb), tidak begitu berupaya utk maju (berkembang dsb);

memalapkan 1. menjadikan malap, memudarkan: *Amir ~ lampu keretanya*; **2.** ki dimusnahkan: *namun kemajuan dan kegemilangan ini telah berjaya dimalapkan oleh kedatangan penjajah Barat*;

kemalapan 1. keadaan malap atau muram, keadaan pudar (bkn cahaya); **2.** ki perihal atau keadaan tidak aktif (segar, berkembang, dsb): ~ *dan kelesuan dunia kritikan berterusan walaupun mereka memiliki sarjana atau Ph.D*;

pemalap = ~ *lampu* peranti utk mengubah-ubah darjah terangnya cahaya lampu elektrik.

malapari sj tumbuhan (pokok), mempari, pari-pari, *Pongamia pinnata*.

malapetaka berbagai-bagai kesusahan (bencana, kecelakaan, kesengsaraan, dsb): *orang di kampung itu sedang menghadapi satu ~ besar akibat air sungai yg semakin naik.*

malar **1.** tetap, tidak berubah, terus-menerus: *kulit mengawal suhu badan manusia supaya ~ walaupun suhu alam di kelilingnya berubah; ~ hijau* sentiasa berdaun (hijau) sepanjang tahun (bkn tumbuh-tumbuhan yg tertentu); **2.** = **malar-malar** lebih-lebih lagi, malahan;

memalarkan membuat supaya tetap dan tidak berubah: *suhunya dimalarkan;*

kemalaran perihal malar;

pemalar kuantiti yg tidak berubah, lazimnya diwakili oleh simbol tertentu (bergantung pd bidang ilmu yg diperkatakan).

malaria sj penyakit yg disebabkan oleh parasit protozoa dlm sel darah merah, yg dibawa oleh gigitan nyamuk tiruk, dan dicirikan dgn serangan demam dan seram sejuk yg berulang-ulang, demam kura.

malas **I** **1.** tidak mahu berbuat apa-apa (bekerja dll), segan, lwn rajin: *aku tidak mahu menolong orang yg ~ bekerja spt kamu ini;* **2.** tidak sudi, tidak suka, enggan, segan: *kalau di tempat orang, jangan ~ bertanya;*

bermalas-malas duduk dgn tidak membuat sesuatu apa pun, duduk berehat-rehat, lengah: *selepas makan, dia duduk di bawah pohon itu ~;*

memalaskan menjadikan malas: *ia sengaja hendak ~ suaminya;*

kemalasan perihal malas: *ia dicaci orang kerana ~nya;*

pemalas orang yg malas, penyegan: *ia ~ dan penyegan tetapi penjudi.*

malas II; *burung* ~ sj burung, a) burung segan, *Caprimulgus indicus*; b) burung kubur, *Caprimulgus macrurus*.

malau sj damar atau pelekat yg digunakan utk mengetatkan keris, parang, dll pd hulunya; □ **embalau I.**

malaun Ar yg terkutuk atau dilaknati.

malaut sj tumbuhan (pokok), *Hopea ferrea*.

Malayalam bahasa dlm keluarga bahasa Dravidia, yg hampir sama dgn bahasa Tamil, dituturkan oleh kaum yg tinggal atau berasal dr barat daya India, dan merupakan bahasa rasmi Kerala.

Malayali Malayalam.

Malaysia negara yg terletak di Asia Tenggara yg ibu negaranya Kuala Lumpur, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaannya bahasa Melayu, dan agama rasminya agama Islam;

memalaysiakan menyesuaikan atau menjadikan sesuatu supaya bercirikan Malaysia: *pakaian tradisi Cina yg telah dimalaysiakan bersesuaian dgn suasana tempatan;*

kemalaysiaan berhubung dgn atau bersifat Malaysia (sbg sebuah negara seluruhnya): *banyak ciri dan cita-citanya lebih melambangkan ciri dan cita-cita ~;*

pemalaysiaan perbuatan (proses) menjadikan sesuatu bercirikan Malaysia: *penyusunan semula masyarakat adalah satu proses ~ semua sektor kehidupan rakyat Malaysia.*

malbar sj tumbuhan (pokok renek), bunga kisar, kembang lubo, *Abutilon indicum*; ~ hutan sj tumbuhan (herba), sepulut, selasih hutan, *Hyptis suaveolens*.

maleh → **malih**.

maleman Jw perayaan pd malam tarikh yg ganjil atau gasal (selepas 20 hari bulan) dlm bulan puasa.

malformasi (Bio) pembentukan organ secara tidak normal semasa perkembangan fetus.

malignan (Ubat) cenderung menjadi lebih teruk dan mengakibatkan maut (bkn tumor atau ketumbuhan): *ketumbuhan pd rahimnya ialah sj ketumbuhan yg ~, dan dia mati akibat ketumbuhan itu.*

malih Jw bertukar (rupa, corak, dll), berubah.

malik I Ar yg memiliki, raja, tuan: *Raja Syarif raja yg soleh / Bangsa Hasyim sedia terpilih / Berkat syafaat Tuhan yg ~ / Pangkat yg mulia sudah terpilih.*

malik II sj tumbuhan (pokok), *Litsea glutinosa.*

Malik malaikat yg menjaga pintu neraka.

Malik al-Mulk (Malikul Mulk) Ar Pemilik Mutlak Segala Kekuasaan (satu drpd 99 nama Allah).

Maliki; *mazhab* ~ satu drpd empat mazhab yg teraku dlm agama Islam (didirikan oleh Imam Malik bin Anas).

malikuljabbar Ar raja yg Maha Berkuasa, Allah.

malim 1. guru agama (Islam), orang yg alim, ulama; **2.** petunjuk jalan, pemimpin; **3.** = ~ *angin* = ~ *kapal* jurumudi; **4.** pawang;

pemaliman operasi (khidmat, tugas dsb) mengemudikan kapal masuk ke pelabuhan atau keluar dr pelabuhan yg dilakukan oleh malim: *pengendalian pelabuhan itu meliputi perkhidmatan kargo, kontena dan ~.*

mali-mali; ~ *berduri* sj tumbuhan (pokok renek), memali, toi, *Leea angulata.*

maling I Jw **1.** = **pemaling** pencuri (terutama yg mencuri pd waktu malam): *gerak-gerinya spt orang ~*; **2.** mencuri;

~ *curi* hal curi-mencuri; ~ *dapat* (Palembang) ark menemui sesuatu serta memilikinya;

kemalingan dimasuki oleh pencuri, kecurian.

maling II; *pintu* ~; □ **pintu**.

Malinja = *padi* ~ sj padi yg menghasilkan biji yg besar; □ **padi**.

malis pucat (warna), tidak begitu keras (bau).

malnutrisi (Bio) kekurangan makanan seimbang pd individu atau populasi.

maltase (Bio) enzim yg memangkinkan penukaran maltosa kpd glukosa dan terdapat dlm usus kecil.

maltosa (Bio) sj gula yg disediakan secara hidrolisis kanji oleh enzim diastase dan digunakan sbg pemanis.

maltosuria (Ubat) kewujudan maltosa dlm air kencing.

malu I 1. = **bermalu** berasa aib (hina, rendah, dll) kerana membuat sesuatu yg salah atau yg tidak sopan, berasa tidak senang: *aku ~ pula apabila tidak pakai seluar dan baju; panglima tak bermalu, melerek-lerek macam kambing jantan pd perempuan yg tiada mahu kepadanya*; **2.** perasaan aib (hina, rendah diri, dll): *utk menutup ~nya, ayah Zainab telah memujuk Salim supaya mahu menjadi menantunya*; **3.** menaruh hormat akan, berasa segan (agak takut): *ia sendiri masih begitu ~ hendak mengemukakan pertanyaan ini*;

~ *besar* malu yg amat sangat; ~ *mata* segan, hormat;

~ *bertanya, sesat jalan* = ~ *berdayung, perahu hanyut* = ~ *makan, perut lapar* prb kalau tidak mahu berusaha tentulah tidak akan mendapat kejayaan; ~ *kalau anak harimau menjadi anak kucing (kambing)* prb tidak patut kalau anak orang baik-baik atau pandai menjadi jahat atau bodoh;

semalu; *sehina* ~ mempunyai nasib yg sama, seia, sekata;

malu-malu nampaknya sangat malu: *masuklah, jangan ~; dgn sikap yg ~, dinyatakannya maksudnya dlm bahasa yg lembut; ~ bahasa* berasa segan-segan (sewaktu berhadapan dgn orang yg dihormati dll); *~ kucing* berpura-pura malu;

memalui ark **1.** menaruh malu pd: *dialah yg harus kaumalui; 2.* menghormati, menakuti, menyegani: *pd ketika itu segala anak raja-raja Inderagiri tiada dimalui oleh segala anak tuan-tuan Melaka;*

memalukan **1.** memberi malu, menyebabkan malu: *akibatnya nanti bukan hanya ~ tetapi juga merugikan; 2.* malu kerana sesuatu (pakaian dll): *tak usah dimalukan rumah buruk;*

termalu-malu berasa agak malu: *selama besar ini dia ~ memanggil abang kpd Ramlan;*

kemaluan **1.** perihal malu, sesuatu yg mendatangkan malu, rasa malu: *jikalau si Tuah ada, dapatlah ia menghapuskan ~ku; 2.* mendapat (berasa) malu: *hendaklah tuan berikan kehendaknya supaya kita tidak ~; 3.* bh alat kelamin (laki-laki atau perempuan);

kemalu-maluan berasa sangat malu, tersipu-sipu: *dia tunduk ~;*

pemalu (orang yg) mudah berasa malu.

malu II; si ~ = puteri ~ = malu-malu sj tumbuhan (pokok renek kecil, yg apabila tersentuh daunnya terkuncup), *Mimosa pudica.*

malun (mal.un) Ar□□□ **malaun.**

malung **1.** sj ikan laut, *Congresox spp.;* **2.** sj ikan laut, *Muraenesox spp.*

malut I □ **malaut.**

malut II; kalut-~ kalut (sibuk) tidak keruan; □ **kalut.**

mama I bp ibu.

mama II □ **mamak.**

mamah; memamah **1.** menghancurkan makanan (dlm mulut) dgn gigi, mengunyah: *Hashim ~ kacang goreng sambil memerhatikan anak-*

anaknya bermain; ~ biak memakan makanan kali keduanya (lembu dll); **2.** ki memusnahkan, menghancurkan, menjahanamkan, merosakkan: *pejabat itu musnah dimamah api; tekanan hidup yg pahit dan tempang ini ~ daging badannya;*

memamahkan **1.** memamah (mengunyah) sesuatu utk; **2.** memamah pd;

mamahan sesuatu yg sudah dimamah;

pemamah; ~ *biak* binatang yg memamah biak (lembu dll).

mamai **1.** kurang terang ingatan atau fikiran (kerana terlalu tua, sakit teruk, dll), tidak sedarkan diri (mabuk, hilang ingatan, dll): *saya diam, terkatup mulut, ~ ingatan dan hilang pandangan;* **2.** mimpi dan mengigau (dlm tidur);

bermamai mengigau (dlm tidur), berkata-kata dlm tidur.

mamak **1.** Mn saudara ibu yg laki-laki, bapa saudara: *ibunya telah menggunakan harta pesaka kerabat utk menyekolahkaninya, dgn keizinan Sutan Batuah, ~ Hanafi, abang ibunya;* **2.** sl sebutan oleh raja kpd pembesar-pembesar negeri (menteri dll): ~ *menteri;* ~ *bendahara;* **3.** ark mak kecil, mak tua; **4.** bp panggilan kpd lelaki India yg beragama Islam (terutamanya yg terlibat dgn perniagaan makanan dsb); ~ *nenek = nenek* ~ Mn a) penghulu adat; b) orang tua-tua yg bijaksana.

mamalia (Bio) haiwan bertulang belakang, badannya berbulu, jantungnya terbahagi kpd empat kebuk, dan menyusui anaknya.

maman **1.** sj tumbuhan (herba yg boleh dimakan), *Cleome icosandra;* **2.** sj tumbuhan (herba yg daunnya dibuat ubat pening), *Gynandropsis gynandra;* ~ *pasir* sj tumbuhan (herba), inai paya, *Jussiaea linifolia.*

mamanda bh mamak.

mamang I 1. kabur pandangannya (kerana hendak pengsan dll); 2. mamai, bingung, ketakutan: *gopoh~* tergopoh-gopoh benar, tergesa-gesa.

mamang II □ **maman**.

mamang III Mn sj peribahasa (yg mengandung nasihat).

mamang IV (Jw, Sunda) pak cik, paman.

mamar ark □ **mamang I**.

mamas-mamas; ~ *pelanduk* sj tumbuhan (pokok), *Sapium baccatum*.

mambang I 1. sj hantu (yg bermacam-macam warnanya dan disebut mengikut tempatnya): ~ *segera*; 2. = ~ *kuning* = ~ *petang* warna kuning kemerah-merahan tatkala matahari hendak masuk (di sebelah barat); 3. ki perempuan (yg belum bersuami), anak gadis: *dia belum lagi dapat memikat hati seorang ~*.

mambang II sj ikan laut, *Lutjanus sanguineus*.

mambar Kl tidak menarik, tidak cergas, lembap.

mambo sj rentak lagu (irama) Amerika Selatan.

mambu I Jk = *berbau* ~ berbau busuk.

mambu II, mambul sj tumbuhan (pokok kecil), sadu, *Melia indica*; ~ *jantan* = akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat daunnya dibuat ubat), jemerah, lemak pahit, merambu, sekebah, *Millettia sericea*; *sepahit-pahit* ~ *kelatnya menjadi ubat* prb sesuatu barang dianggap tidak berguna, ada kalanya boleh mendatangkan faedah.

mambung kering serta tidak berisi di dalamnya (buah-buahan, roti, dll), hampa (padi dll); **mampung**.

mami bp 1. ibu, emak; 2. emak saudara; 3. perempuan yg mengawasi dan menjadi perantara kpd perempuan lacur dsb.

mamik berubah rasanya (barang makanan), menjadi tidak sedap.

mamlakat Ar ark kerajaan, kedaulatan.

mamografi teknik menggunakan sinar-X utk memeriksa buah dada sbg langkah awal mengesan penyakit barah.

mampal Kd, Pn tumpul (pisau dll), dampak (bentuk sesuatu).

mampat I 1. tidak berongga-rongga, tidak gembur (tanah dll), padat, tumpat; 2. Jk tidak dapat mengalir, tersendat, tersumbat: *parit itu ~;*

memampatkan membuat (menekan, mengasak, dsb) supaya padat atau tumpat: *jangan dimampatkan sangat isi tin itu;*

termampat dimampatkan: *campuran itu terasak atau ~ ke dlm ruang kecil di sebelah atas kebuk;*

mampatan perihal mampat;

kemampatan perihal (keadaan dsb) mampat, kepadatan, ketumpatan;

pemampatan perihal (proses, perbuatan) memampatkan sesuatu;

pemampat alat utk memampatkan; ~ *udara* alat utk memasukkan udara ke dlm tangki dll.

mampat II Mn baik sekali, elok sekali, jempol.

mampir Jw berhenti sebentar, singgah: *sepulang dr sawah, ia biasa ~ dulu ke langgar utk sembahyang.*

mampu 1. sanggup (dapat, kuasa) melakukan sesuatu: *ramai ibu bapa yg tidak ~ membeli seluar baju utk anak mereka;* 2. kaya, berada: *awak orang ~;*

memampukan membolehkan: *jumpaan teks ini ~ kita membuat kesimpulan berikut;*

kemampuan 1. kesanggupan (utk melakukan sesuatu), kebolehan, kekuatan: *Malaysia akan memperkuat angkatan bersenjata nya sesuai dgn ~nya;* 2. kekayaan;

berkemampuan 1. mempunyai kesanggupan (kebolehan, kekuatan); 2. mempunyai kekayaan.

MAMPU akronim bagi *Manpower and Administrative Modernization Planning Unit* (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia).

mampung ringan serta berongga-rongga di dalamnya (roti dll); □

mambung.

mampus bk mati.

mamun Kd, Pn **1.** mengigau (dlm tidur); **2.** agak nyanyuk, mamai.

mamung sj ikan laut, cupak, *Caranx sexfasciatus*.

man I sj ukuran berat (yg beratnya lebih kurang 80 paun atau 36.3 kilogram).

man II singkatan bagi paman.

mana 1. = yg ~ kata yg digunakan utk menanyakan benda dlm satu kumpulan (kelompok): *baju ~ yg hendak dibawa pergi?; ~ satu budak yg nakal itu?* **2.** perkataan yg digunakan utk menanyakan tempat: *di ~ sampai, di situlah bermalam; di ~ ayahmu sekarang?; ke ~ engkau hendak pergi?; di ~ mungkin (perlu) kalau mungkin (perlu); di ~ -- di segala tempat; ke ~-- ke segala tempat;* **3.** perkataan yg digunakan utk menanyakan keadaan atau cara sesuatu; *bagai~ = macam ~ spt apa keadaannya (caranya);* **4.** = ~ boleh = ~lah = **manakan, manatah** mana boleh, bagaimana: *seorang ibu manakan jemu memelihara anaknya; manatah tuan dapat menyebut bahasa Melayu; ~lah terdaya ibu bapa hendak menanggungnya; ~lagi = ~ pula* tambahan (lebih-lebih) lagi; *di manakan* bagaimana akan boleh (dapat), tidak mungkin, mustahil: *kalau tidak bercuti ~ sempat saya buat pekerjaan itu; ~ tahu Dolah menolak, jikalau tiada kayu, ~ api itu bernyala;* **5.** sl barang apa, apa sahaja : *~ bicara bapa hamba tiadalah hamba lalui;* **6.** apa: *bahasa ~ yg disebut raja ini; sebanyak ~ stok yg hendak diisikan di dlm kedai itu terpulanglah kpd pekedai; ~ pula lebih-*

lebih lagi, tambahan lagi, mana lagi; **7.** yg tersebut (sebelumnya): *kepandaian itu digunakan utk mengumpulkan wang, hal ~ sangat menyedihkan;*

~ ... ~ ... baik.... mahupun...: ~ *miskin ~ kaya datang semuanya;* ~ ... ~ ... sudah... pula; ~ *panas ~ berdesak-desak* bp sudahlah panas berdesak-desak pula;

mana-mana **1.** mana pun, barang apa pun, setiap: *mereka tidak menyebelahi ~ pihak dlm pertikaian itu; bacalah ~ novel;* ~ *dokumen disimpannya baik-baik;* **2.** siapa-siapa, barang siapa: ~ *yg setuju mengangguk-anggukkan kepalanya.*

manah I bp kep amanah (amanat); *harta ~ = mas ~ Mn a)* harta benda (yg dipusakai drpd nenek moyang); b) persembahan yg diberikan kpd raja (sewaktu raja mengadakan majlis perkahwinan dll);

bermanah mempunyai harta benda, banyak meninggalkan harta benda.

manah II sl perasaan (hati dll), perhatian.

manai pucat lesi (kerana kurang darah dll); *pucat ~ sangat pucat.*

manakala **1.** apabila, bilamana: *ia tersenyum ~ melihat anaknya sudah terlena;* **2.** tetapi: *dia duduk di samping mayat ayahnya, ~ adiknya tidak putus-putus menangis;* **3.** sedangkan: *ramai orang yg cedera dan hilang ~ beratus-ratus kehilangan rumah tangga dlm gempa bumi itu.*

manakan bp kep kemanakan.

manalagi lebih-lebih lagi, mana pula, apalagi; □ **mana.**

mana lagi; *jeruk ~, jeruk si manalagi* Id sj buah limau besar serta manis.

manas Br manik: *beratus-ratus biji ~ disimpannya, mungkin akan dijadikan seutas kalung.*

mana suka Id dgn sesuka hati (tidak dipaksa), dgn sukarela; *jam* ~ waktu (dlm jadwal waktu pelajaran) yg tidak ditentukan apa yg harus diajarkan; *sokongan* ~ sokongan yg diberikan dgn sukarela.

manat Mn ark tetap mengenai janji (persetujuan dlm mesyuarat).

manau sj tumbuhan (rotan besar), *Calamus manan*;

laksana ~, *seribu kali embat haram tak patah* prb sesuatu yg sangat kuat dan teguh; *spt maksud* ~ = *maksud bagai maksud* ~ prb cita-cita yg tidak mungkin dicapai; *spt mengilang* ~ prb suatu masalah yg sangat sukar;

memanau 1. membuat gawar-gawar drpd manau; 2. memukul dgn rotan, merotan.

mancanegara Id negara-negara asing.

mancawarna Id banyak warnanya, berwarna-warna; □ **pancawarna**.

manci Id kualiti besi, panci.

mancis = ~ *api* gores api, korek api, geretan;

memancis menyalakan dgn mancis (rokok dll);

memanciskan menggoreskan anak mancis supaya menyala.

mancit Mn tikus.

mancung I makin kecil ke hujung, lancip, runcing; *hidung* ~ hidung yg lancip; *hidung tak* ~ *pipi tersorong-sorong* prb suka ikut campur dlm urusan orang lain;

kemancungan perihal mancung atau lancip (hidung).

mancung II seludang kelapa yg kering; *perahu* ~ sj perahu yg bentuknya spt seludang.

mancur; memancur; *air* ~ air terjun, jeram; □ **pancur**.

manda I singkatan bagi mamanda.

manda II; *mandi*-~ berbagai-bagai upacara mandi; □ **mandi**.

manda III Jw mahu, tahan (menderita).

manda IV; *kanda*-~; □ **kanda**.

mandah I daun atau kulit yg letaknya dlm lesung (sbg alas).

mandah II □ **manda III**.

mandai sj tumbuhan (pokok).

Mandailing suku bangsa yg berasal dr Sumatera, Indonesia.

mandala I **1.** kawasan atau lingkungan yg termasuk dlm bidang kuasa pihak berwajib (negara); **2.** ruang lingkup sesuatu bidang ilmu, pengetahuan, dsb: *sistem itu mengalami perubahan sikap yg mengurangkan ~ ketakpelbagaian*; **3.** sl bulatan, lingkungan, daerah.

mandala II (S.Lukis) simbol bulat yg melambangkan cakrawala yg terdapat dlm seni Buddha dan Hindu.

mandalika I ark sl gelaran atau jawatan kepala daerah (spt adipati atau gabenor).

mandalika II sj tumbuhan (pokok), *Artocarpus rigida*.

mandam = **termandam** **1.** berasa pening kepala (kerana mabuk dll), mabuk; **2.** terlalu asyik (dlm percintaan dll).

mandang I bp memandang; □ **pandang**.

mandang II Jk sj burung yg terdapat di paya-paya dll.

mandat **1.** amanah yg diberikan oleh orang ramai atau sesuatu kumpulan kpd wakil mereka (dlm mesyuarat dll utk mengemukakan pendapat, memajukan permintaan, dll): *Perdana Menteri itu akan meminta ~ baru drpd rakyat*; **2.** kuasa yg diberikan oleh pihak yg lebih tinggi: *Presiden telah memberikan ~ kpd Perdana Menteri utk membentuk kabinet baharu*; **3.** Id surat kuasa, surat perintah (membayar dll): *ia masih menunggu ~ utk membayar gaji pekerja-pekerja*; **4.** kuasa yg diberikan oleh Liga Bangsa-Bangsa (sekarang Bangsa-Bangsa Bersatu) kpd sesebuah negara utk mentadbir sesuatu wilayah dsb; **5.** kuasa mentadbir sesebuah negara asing dll yg diamanahkan kpd sesuatu pihak berkuasa: *rancangan itu*

menyeru supaya wilayah-wilayah Gaza dan Tebing Barat diletakkan di bawah ~ Bangsa-Bangsa Bersatu.

mandataris IB orang yg menerima mandat, penerima mandat.

mandatori mesti atau wajib dilaksanakan (dikuatkuasakan dsb): *dia dituduh mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, (semakan 1983) yg membawa hukuman mati ~ jika sabit kesalahan;*

memandatorikan menjadikan mandatori: *resolusi ketiga pula ialah ~ PSKP melalui peraturan perundangan;*

pemandatorian perihal (proses atau tindakan) memandatorikan: *~ itu adalah sejajar dgn salah satu kenyataan dlm laporan Jawatankuasa Kabinet.*

mandau sj pedang buatan Kalimantan.

mandeh (mandéh) Mn ibu, mak.

mandek Jk **1.** berhenti, terhenti: *keretanya ~ di situ;* **2.** tidak lancar perjalanannya, tidak dapat diteruskan (perundingan dll), terbantut, terbengkalai: *kekurangan bahan mentah menyebabkan perusahaan itu ~.*

mandi I 1. = **bermandi** mencuci (membasuh) tubuh dgn air: *badan engkau kotor, pergilah ~ dahulu;* **2.** berenang-renang di laut utk bersuka-suka: *banyak orang yg pergi ke Port Dickson utk ~ di laut; pakaian ~ baju atau seluar utk berenang;* **3.** ki dipenuhi (peluh dll), mempunyai melimpah-limpah (wang dll): *badannya ~ peluh; baginda sentiasa ~ air mata; orang kampung pd masa itu ~ wang;*

~ air perantan Sr sj upacara mandi beradat dlm istiadat perkahwinan; *~ angin* a) sentiasa kena angin; b) menyembur dgn kuasa angin (air, cat, dll); *~ bakal (gubah, kubat)* membasuh mayat yg baru sahaja meninggal; *~ balai* mandi utk menghalau hantu; *~ basuh lantai* upacara mandi 40 hari selepas bersalin; *~*

bunga mandi dgn air yg dicampurkan dgn pelbagai jenis bunga dan dijampi, yg dipercayai dapat mengubati sesuatu penyakit atau dapat menolong anak dara yg sudah lanjut usia mendapat jodohnya; ~ *bunting (wiladah)* upacara mandi sewaktu hamil tujuh bulan; ~ *damai* = ~ *suatu mempelai* upacara mandi utk kedua-dua pengantin sesudah selesai nikah dan berdamai-damai; ~ *darah* a) berlumuran darah; b) pertumpahan darah (sewaktu berlaku perkelahian dll); ~ *embun* membiarkan diri kena embun; ~ *haid* mandi sesudah datang bulan (perempuan); ~ *junub (janabat, hadas luas)* mandi utk bersuci diri (selepas bersetubuh, haid, nifas dsb); ~ *kerbau* ki mandi dgn tidak membersihkan badan; ~ *lenggang perut* upacara mandi semasa hamil tujuh bulan, melenggang perut; ~ *lulur* rawatan tradisional utk membersihkan badan dan menghaluskan kulit dgn melumurkan lulur pd badan; ~-*manda* bermacam-macam cara (upacara) mandi; ~ *mayat* membasuh mayat dgn air; ~ *nifas* mandi selepas berhenti nifas; ~ *ombak* basah kena ombak; ~ *pelimau* sj upacara mandi utk kedua-dua pengantin sesudah bersanding; ~ *peluh* basah dgn peluh; ~ *safar* upacara mandi utk menolak bala (pd hari Rabu yg terakhir dlm bulan Safar tetapi sudah tidak diamalkan lagi kerana amalan ini bertentangan dgn hukum Islam); ~ *sambat* Pr, Ph upacara mandi utk kedua-dua mempelai pd hari ketiga sesudah nikah; ~ *sudah* membasuh mayat kali yg terakhir (ketika hendak dikafan); ~ *tian* upacara mandi sesudah hamil tujuh bulan; ~ *wajib* mandi utk bersuci drpd hadas besar; ~ *wap* mandi dgn mengewapi seluruh badan di dlm kebuk atau bilik yg dipenuhi wap utk menyegarkan badan dsb;

bagai ~ dlm *cupak* prb sesuatu (pertolongan dll) yg tidak mencukupi; *alang-alang (mati-mati)* ~ *biar basah* prb kalau

membuat sesuatu biarlah sampai selesai, jangan berhenti separuh jalan;

bermandikan penuh dgn;

~ *cahaya* penuh dgn cahaya (terang-benderang); ~ *wang* mempunyai wang yg banyak;

memandikan **1.** membersihkan tubuh seseorang (sesuatu) dgn air, memberi mandi: *Aminah sedang sibuk ~ anak-anaknya*; **2.** mencuci (mayat) dgn air: *jika hamba mati, tuan hambalah ~ hamba*; **3.** mencelupkan (menyelamkan sesuatu ke dlm barang cair); **4.** ki banyak mendapat (menerima) sesuatu, mencurahkan (dlm erti ki): *anak-anak ini mahu dimandikan dgn kasih sayang ibunya; dimandikan dgn air segeluk prb diberi pertolongan (puji-pujian) yg tidak bererti*;

mempermandikan **1.** sl memandikan (dgn); **2.** Id menyiram dgn air suci (sewaktu memeluk agama Kristian), membaptiskan;

permandian **1.** tempat mandi; **2.** Id upacara mempermandikan, pembaptisan;

pemandi orang yg memandikan: *yg makruhnya, menyentuh tubuh badan si mati (mayat) oleh orang yg bukan ~nya kerana badan si mati itu adalah aurat kpd orang yg hidup.*

mandi II; ~ *abu* sj ikan laut, kaci, mesikur, pinang, tebal bibir, *Plectorhincus spp.*

mandibel (Bio) **1.** rahang bawah haiwan vertebrat; **2.** bahagian mulut yg berpasangan pd serangga dan haiwan antropod yg digunakan utk menggigit dan menghancurkan makanan.

mandir; *mundar-~*; □ **mundar**.

mandiri Jw berdiri sendiri; *pemerintah* ~ pemerintah yg berdiri sendiri;

bermandiri dapat berdiri sendiri: *kehidupan ini perjuangan terus-menerus utk ~*;

kemandirian perihal (keadaan) dapat berdiri sendiri.

mandolin sj alat muzik yg berupa gitar kecil dan mempunyai empat pasang tali.

mandom Kd lembap, tidak cergas, bodoh.

mandu Mn ark pendirian, kaedah.

mandub Ar sunat.

manduk Kd tidak cergas, lembap.

mandul 1.tidak boleh beranak, majir: *isterinya ~*; 2. ki tidak produktif: *benarkah sastera Malaysia ~?*; *bagai emak ~ baru beranak* prb sangat gembira kerana mendapat sesuatu yg sangat diidam-idamkan;

memandulkan menjadikan benda hidup mandul: *kebanyakan orang lelaki tidak bersetuju kalau mereka dimandulkan*;

kemandulan perihal mandul (tidak boleh beranak);

pemandulan perihal (proses, perbuatan) memandulkan benda hidup (manusia, binatang): *~ merupakan salah satu cara utk mengatasi masalah ledakan penduduk*.

mandung I sl ayam, ayam jantan.

mandung II; *kemenyan ~ jati* sl kemenyan putih, sj dupa.

mandur orang yg mengawasi pekerja-pekerja; kepala pekerja-pekerja; *~ jalan* a) mandur yg mengurus orang-orang yg membuat atau membaiki jalan; b) bp orang yg berjalan ke sana ke mari, penganggur;

memanduri mengawasi pekerja-pekerja: *Mak Som ~ pelayan-pelayan di dapur*.

manfaat 1. guna, faedah; *kejadian itu tidak akan memberi ~ kpd sesiapa pun*; 2. untung, laba;

bermanfaat berguna, berfaedah: *apa yg dilakukan mereka memang ~ bagi bangsa*;

memanfaatkan menggunakan sebaik-baiknya (utk atau dgn cara yg mendatangkan faedah), mendapatkan faedah drpd (sesuatu), menjadikan bermanfaat (berfaedah): *tidaklah sukar utk ~ alat-alat ini utk kajian saintifik; apa yg menjadi persoalan ialah berapa ramai orang yg kebolehan celik hurufnya dimanfaatkan utk membaca;*

kemanfaatan 1. guna, faedah, manfaat: *setiap sesuatu yg mendatangkan ~ dgn kebaikan hendaklah dilindungi dan diusahakan;* 2. kebaikan, kegunaan;

pemanfaatan perihal atau perbuatan memanfaatkan: *apa yg berlaku ialah timbulnya penyesuaian dan ~ terhadap unsur-unsur sastera tradisi Islam itu dlm pelbagai unsur yg diserapkan secara berseni.*

mangan I (man.gan) (Kim) sj unsur logam yg rapuh dan berwarna putih kekelabu-kelabuan.

mangan II Jw makan.

mangap Jw ternganga.

mangas sj tumbuhan (pokok), *Memecylon acuminatum*.

mangau; termangau, termangau-mangau ternganga, tercengang kehairanan: *dia tersentak dan ~ apabila adiknya memanggil namanya;* □ **mangu**.

mangga I sj tumbuhan (pokok dan buahnya), mepelam, *Mangifera indica* dll.

mangga II ibu kunci, pedal ayam;

bermangga berkunci dgn mangga, dipasang mangga: *kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun datang dan membuka pintu pagar yg ~ itu;*

memangga mengenakan ibu kunci, mengunci: *ia sedang ~ pintu biliknya.*

mangga III; *sakit* ~ bengkak (yg biasanya bernanah) pd celah kelangkang, buah kelenjar yg bengkak.

mangga IV Jw, Sunda ark silakan.

manggak Kl sombong, besar hati, biadab, tidak sopan.

manggar 1. tangkai mayang kelapa; **2.** Mn pangkal pelepah (kelapa dll); *bunga* ~ sj perhiasan drpd kertas berwarna-warni yg berupa spt manggar yg dipasangkan pd sebatang kayu (digunakan dlm upacara keraian spt perkahwinan, sambutan orang besar-besar, dsb).

manggis sj tumbuhan (pokok dan buahnya), mesetor, sementah, semetah, *Garcinia mangostana*; ~ *hutan* sj tumbuhan, beruas; *ingin di buah* ~ *hutan*, *masak ranum tergantung tinggi* prb menginginkan sesuatu yg sangat susah hendak mendapatnya.

manggul = *tanah* ~ tanah tinggi, anak bukit.

manggut Jw mengangguk; □ **anggut**.

mangir bedak yg diperbuat drpd tepung beras yg dicampurkan dgn bahan-bahan rempah tertentu, gunanya utk membersihkan, menghaluskan dan menguningkan kulit.

mangka bp maka; ~nya kerana itu.

mangkah □ **mangkar**.

mangkar 1. keras (ubi yg direbus dll), bangkar; **2.** mengkal (buah-buahan).

mangkara □ **makara I**.

mangkas I keras; *keras* ~ sangat keras; **makas**.

mangkas II □ **bangkas**.

mangkat bd meninggal (digunakan utk raja-raja), mati: *maka marhum pun* ~;

kemangkatan bd perihal mangkat, kematian: *anak raja itu pun diberitahu tentang ~ ayahandanya*.

mangkel Jw ark berasa kesal, mendongkol.

mangkih; *cangkih*-~; □ **cangkih**.

mangkin I makin.

mangkin II 1. (Kim) bahan (spt platinum, yis, dll) yg dapat mengubah kecepatan sesuatu tindak balas kimia tetapi ia sendiri tidak mengalami apa-apa perubahan; **2.** ki faktor (unsur dsb) yg dapat mempercepat atau menyegerakan berlakunya sesuatu perkembangan dsb: *gerakan bimbingan kerjaya Malaysia boleh menjadi ~ yg merapatkan perhubungan antara majikan dan institusi pelajaran bagi menerbitkan pekerjaan;*

memangkinkan 1. (Kim) mempercepat tindak balas kimia dgn menggunakan mangkin: *enzim ini ~ tindak balas glukosa terhadap asid glukonik;* **2.** ki mempercepat sesuatu tindakan (perubahan, proses, pembangunan dsb): *begitu juga perkembangan ilmu ~ pertumbuhan industri; langkah itu dapat ~ usaha pembinaan lebih banyak rumah kediaman;*

pemangkinan (Kim) pengubahan kadar tindak balas kimia dgn menggunakan mangkin;

pemangkin faktor dsb yg mempercepat sesuatu tindakan (proses, perubahan dsb): *kewujudan lebuhraya itu akan menjadi ~ pembangunan ekonomi sesuatu kawasan.*

mangkir bp tidak hadir (bekerja, bersekolah, dll), tidak datang.

mangku yg memangku (hanya dlm gelaran sahaja); Darjah *M~ Negara* pingat yg dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong.

mangkubumi sl bendahara, perdana menteri.

mangkuk 1. bekas yg dalam drpd tembikar dll tempat mengisi lauk-pauk (nasi dll); **2.** cangkir, cawan: *se~ kopi;* **3.** bk kata yg mempunyai maksud menghina atau mempermainkan seseorang, bodoh;

~ *basuh tangan* mangkuk bekas air basuh tangan; ~ *gulai* mangkuk utk mengisi gulai; ~ *orong* mangkuk yg panjang bulat (utk mengisi air dll); ~ *keda(h)* sj mangkuk bertutup; ~ *lonjak* Kl mangkuk tingkat; ~ *nasi* mangkuk utk diisi nasi; ~ *pengadun* mangkuk tempat mengadun bahan-bahan masakan dll; ~ *perak* piala; ~ *pijar* sj mangkuk yg biasanya dibuat drpd porselin dan digunakan dlm makmal utk melakurkan bahan kimia pepejal; ~ *tandas* sesuatu spt mangkuk bentuk atau rupanya digunakan sbg tempat buang air besar atau buang air kecil di tandas; ~ *tingkat* mangkuk drpd aluminium dll yg bertingkat-tingkat (utk bekas kuih, lauk-pauk, nasi, dll), rantang, mangkuk tepen, siya.

mangkung Jh sj tukul drpd kayu;

memangkung memukul kuat-kuat; **pangkung**.

mangkus Mn manjur, mujarab, mustajab.

mangli Kd kalis, kebiasaan.

mangsa 1. binatang yg menjadi korban (makanan) binatang buas:

harimau sedang menunggu ~nya; **2.** ki orang atau barang yg menjadi korban kemalangan (kecurian, penipuan, kebakaran, peperangan, dll), sasaran perbuatan jahat: *ibu tiriku menjadi ~ kebakaran itu; mereka berdua ialah ~ Perang Dunia Kedua*;

memangsakan menjadikan seseorang (sesuatu) sbg mangsa, mengorbankan: *kemusnahan alam sekitar ~ manusia*;

pemangsaan perihal (perbuatan, tindakan dsb) menyebabkan seseorang atau sesuatu menjadi mangsa: ~ *jenis ini sangat biasa terdapat di kalangan sesetengah binatang*;

pemangsa binatang yg memakan binatang lain: *harimau termasuk salah seekor binatang jenis ~*.

mangsai I; *kusut*-~ sangat kusut; □ **masai**.

mangsai II; *masak* ~ a) terlalu masak; b) ki sudah banyak pengalaman.

mangsi 1. dakwat, tinta; 2. ark sj tepung hitam drpd arang (utk menghitamkan gigi); 3. Mn warna hitam (biru tua), tarum; *ikan ~ sotong*.

mangu; termangu, termangu-mangu termenung-menung (kerana susah hati, bingung, dll), melengung: *sejak ibunya meninggal, ia kelihatan selalu ~ sahaja; ia pun duduk termangu-mangu;*
ketermanguan keadaan termangu: *dlm ~ itu, Mat Janin termenung sendiri; mangau.*

mangut termenung (spt orang mengelamun), bingung.

manhaj Ar kaedah, cara: *Islam berjaya membentuk suatu ~ hidup manusia drpd barbarisme kpd ketamadunan.*

mani air dan benih yg terpancut keluar dr alat kelamin lelaki (haiwan jantan) ketika bersetubuh (mengawan) atau apabila mencapai puncak syahwat; *pancaran ~ Id pengeluaran mani;*

permanian (Bio) proses memasukkan mani atau sperma ke dlm faraj atau salur pembiakan haiwan betina; *~ beradas perihal memasukkan mani ke dlm rahim dgn menggunakan radas tertentu.*

mania (Psi) sebarang bentuk gangguan mental yg dicirikan dgn kelakuan ganas yg tidak terkawal.

manifestasi (maniféstasi) perbuatan (ucapan dll) yg memperlihatkan (menjadikan nyata) sesuatu;

memanifestasikan melahirkan, memperlihatkan, menunjukkan, menjadikan nyata: *hasrat ini dimanifestasikan oleh seorang penulis yg tidak dikenali pd tahun 1814; watak yg secara lebih giat ~ rasa kekecewaan; dlm solatnya dia sentiasa ~ dan selalu pula membaharui ikrarnya kpd al-Khaliq;*

termanifestasi terpancar: *hal ini ~ dlm amalan umat Islam tentang konsep sekolah agama;*

pemanifestasian perihal (perbuatan, tindakan dsb) memanifestasikan: *karya sastra merupakan salah satu sumber kekayaan budaya dan wadah ~ pemikiran dan produk perilaku masyarakat.*

manifesto (manifésto) pengisytiharan kpd orang ramai tentang dasar (tujuan, dll) sesuatu parti politik sebelum pilihan raya dll.

manik I 1. butir-butir kecil drpd kaca atau karang dll yg berlubang (dan boleh dicucuk utk dijadikan kalung, perhiasan, dll); **2.** butir-butir kecil yg berwarna-warni, digunakan sbg hiasan pd biskut, kek, dll: *setelah sejuk sapukan coklat cair dan taburkan ~ di atas kek; bagai ~ putus pengarang (tali) prb perihal air mata yg bercucuran;* **bermanik-manik 1.** memakai kalung dll drpd manik; **2.** berbutir-butir spt manik (peluh dll): *di daun-daun masih kelihatan air ~ .*

manik II sj tumbuhan (pokok kecil), *Aglaia spp.*.

manikam 1. batu permata, intan; *ratna mutu ~* bermacam-macam jenis intan permata; **2.** ark mani; *~ sudah menjadi sekam prb tidak berguna (berharga) lagi; adapun ~ itu jika dijatuhkan ke dlm limbahan sekalipun, nescaya tiada akan hilang cahayanya prb orang yg berasal baik-baik itu walau miskin sekalipun tetapi budi bahasa dan sopan santun tetap ada; mengembalikan ~ ke dlm cembulnya prb memikirkan kembali apa-apa yg telah diucapkan.*

manik-manik; *~ hutan* sj tumbuhan (pokok renek), jangka, kayu tanduk, telinga rusa, *Lasianthus maingayi.*

manila I = *bunga (kembang) ~* sj tumbuhan (pokok), kembang mentega, kembang susu, *Tabernaemontana divaricata.*

manila II; *itik ~* sj itik, serati, *Anas moschata.*

manipol Id kep manifesto politik.

manipulasi 1. perihal atau perbuatan menggunakan sesuatu (alat dll) atau mengerjakan sesuatu (dgn tangan dll) dgn cekap: *spt selalu Kurosawa menyegarkan filemnya dgn ~ visual dan bunyi yg menarik; setiap ~ bahasa dlm karya sastera hanya wajar dilakukan oleh orang yg telah lebih dulu menguasai bahasa; 2.* segala tindakan dan selok-belok utk memperdayakan orang atau mempengaruhi perlakuan (pendirian dll) orang lain tanpa disedari orang itu; **3.** sesuatu perbuatan curang atau kurang baik yg dilakukan utk faedah sendiri: *~ harga mempengaruhi keberuntungan pengusaha industri kecil;*

memanipulasikan 1. mengerjakan atau membuat sesuatu (dgn menggunakan tangan) dgn cekap, mengendalikan atau menggunakan sesuatu dgn cekap atau bijaksana: *yg begitu dighairahkan ialah meniup dan ~ kaca semasa lembik; masyarakat umum mengenali al-Jabar sbg ilmu yg membicarakan cara ~ simbol dgn hukum dan petua tertentu; 2.* mengendalikan (menggunakan) sesuatu atau melakukan sesuatu secara bijaksana sehingga dapat mencapai sesuatu tujuan: *ahli-ahli politik mesti kembali menghormati agama dan mengelakkan nafsu kuasa politik dgn ~ agama; 3.* melakukan sesuatu yg curang, menggunakan sesuatu utk berbuat curang atau tidak baik;

pemanipulasi pihak (orang dsb) yg bijak memanipulasikan sesuatu (keadaan dsb).

manipulatif berkaitan dgn, melibatkan atau bersifat manipulasi: *kursus itu memberikan penekanan pd proses berfikir dan kemahiran ~.*

manira sl aku, kita.

manis I 1. rasa spt rasa gula atau madu: *kuih ini ~ spt gula; 2.* sangat menarik (muka, percakapan, perawakan, senyuman, dll), lemah lembut serta peramah: *gadis itu tidak cantik tetapi ~; tutur*

bahasanya ~; senyum ~; 3. cantik, elok, molek, mongel (gadis, benda, dll): gadis itu memang ~; 4. panggilan utk gadis (wanita) yg cantik manis: ia mendekati si ~ itu tanpa segan-segan lagi; 5. sopan, beradab (kelakuan, gerak-geri, dll): jangan buat begitu, nanti tak ~ dipandang orang; 6. ki dlm berbagai-bagai erti bermaksud nyaman (senang, mewah, dll): bagaimana pula dapat aku hidup ~ dgn orang yg demikian?

~ bangun Kl sedap dipandang mata, cantik, segar; ~-~ buah rasa yg tidak berapa manis (kuih dll); ~ budi (bahasa) pandai berbudi dan berbahasa, sopan-santun; ~ leting Kl, Tr tersangat manis; ~ madu rasa spt rasa madu; ~ muka muka yg periang (menarik hati); ~ mulut pandai berkata-kata;

~ spt gula derawa = ~ laksana gula sarawak = ~ spt gula jawa prb bersesuaian dlm semua hal (spt suami isteri yg sama elok dll); habis ~ sepah dibuang prb seseorang atau sesuatu yg dihargai hanya ketika berguna sahaja dan sesudah tidak berguna lagi lalu dibuang (atau ditinggalkan); lemak ~ jangan ditelan, pahit jangan dimuntahkan prb yg nampaknya baik itu jangan lekas diterima dan yg nampaknya buruk itu jangan lekas ditolak (harus dipertimbangkan dalam-dalam sebelum sesuatu perkara diterima atau ditolak); rindu akan jadi batasnya, maka ~ tidak jadi cuka prb jangan terlalu mesra bergaul dgn orang kerana nanti akan menimbulkan dendam kesumat;

bermanis; *~ muka* tersenyum utk menunjukkan rasa hormat, mesra, disenangi dsb; *~ mulut* bercakap dgn kata-kata manis;

bermanis-manis bercakap dgn kata-kata manis, bercakap dgn lemah lembut;

memanis **1.** menjadi manis; **2.** = **memanis-manis** membuat sesuatu supaya elok dilihat atau didengar;

memaniskan menjadikan manis; *lewat dimaniskan, masam, lewat diharumkan, busuk* prb perihal orang yg mula-mula berkasih-kasihian tetapi kemudian selalu berselisih;

mempermanis membuat supaya bertambah manis: *dia melembutkan suaranya ~ mukanya ketika menyatakan maksudnya itu;*

manisan, manis-manisan 1. sesuatu cecair (drpd bunga, sarang lebah, dll) yg manis rasanya; ~ *bunga madu bunga; ~ lebah madu lebah*; 2. buah-buahan dll yg direndam dlm air gula, halwa;

kemanisan 1. rasa yg manis: ~ *nanas jenis itu memang diketahui orang*; 2. kecantikan, kemolekan, kemongelan: *ia yakin ~nya akan kembali jika ia pulih kembali*; 3. keseronokan, kesukaan: ~ *hidup bagai madu dgn isteri muda itu tidaklah akan lama*; 4. bp terlalu manis, manis sangat: *kopi ini ~ kerana terlalu banyak gula*;

pemanisan perihal (proses, perbuatan dsb) memaniskan;

pemanis 1. sesuatu yg menyebabkan sesuatu yg lain menjadi manis atau bertambah manis (elok, cantik, dll); 2. = ~ *muka* guna-guna utk memikat hati orang (dgn menjadikan seseorang sentiasa kelihatan manis): *diberi makan pula oleh kawannya sekapur sirih ~; mencarikan Ramlah ubat memperelok dan ~ rupa kembali.*

manis II; *akar ~ = akar kulit ~ sj tumbuhan (akar memanjat), tebu gajah, Albizzia myriophylla; akar kayu ~ sj tumbuhan (akar memanjat), akar cius, akar kepah, akar tebu gajah, Acacia penata; kayu ~ sj tumbuhan (pokok yg kulitnya manis), Cinnamomum zeylanicum.*

manja I 1. kurang elok kelakuannya kerana selalu diturut kemahuannya (dibiarkan berbuat apa-apa sahaja): ~ *betul budak itu, maklumlah anak bongsu*; 2. sangat kasih (jinak, mesra, ramah) kpd: *dia berkata dgn suara yg ~; kedua-dua anak itu sangat ~ dgn saya*;

bermanja berlaku manja: *Arif sudah mulai ~ dgn pengasuhnya*;

bermanja-manja, bermanja-manjaan berjinak-jinakan, beramah-ramahan: *cuma hari ini saja kami berpeluang ~ dgn Murad;*

memanja berbunyi manja (suara dll): *kadang-kadang suaranya ~;*
memanjakan, memanja-manjakan, mempermanjakan sangat melayani kehendaknya sehingga jadi manja: *jururawat itu membetulkan kain selimutnya spt ibu ~ anaknya; gerak-gerinya semakin dimanja-manjakan;*

termanja-manja (sudah) menjadi terlalu manja;

manjaan yg dimanjakan: *dia memang ingin memelihara seekor binatang ~;*

kemanjaan perihal manja: *anaknya masih haus kpd ~ dan kemesraan;*

kemanja-manjaan dgn berlaku manja: *ia menjawab ~ .*

manja II (dlm kata majmuk) maja; **majakani**.

manjahil; tandil ~; □ **tandil**.

manjakani □ **majakani**.

manjang sj hantu yg menghisap darah.

manjangan □ **menjangan**.

manjapada ark sl dunia ini, mayapada; □ **marcapada**.

manjau ark = **bermanjau** bertandang (ke rumah gadis).

manjung I sj jamung atau suluh besar (utk menangkap ikan).

manjung II sl; **manjungan** sj perahu: *maka segala dendang dan ~ pun belayarlah.*

manjung III; permanjungan bilik di sisi rumah yg lantainya lebih tinggi, anjung.

manjur 1. dapat menyembuhkan dgn segera (ubat dll), mujarab, mustajab; **2.** mempunyai kuasa atau daya yg kuat (doa, jampi, dll),

sakti: *manteranya ~*; **3.** boleh mematikan dgn segera, bisa: *anjing itu mati kerana termakan racun yg ~ itu*;

kemanjuran perihal manjur (ubat, doa, jampi, dll): *ubat dan suntikan itu tidak terjamin ~nya*.

manometer (manométer) sj alat utk mengukur tekanan gas dan wap.

manor rumah besar dan tanah di desa, terutama yg dibina pd Zaman Pertengahan (di Eropah).

manoskopi (Fiz) kaedah mengukur ketumpatan gas.

mansang Sr **1.** mari; **2.** pergi; **3.** semakin.

manset (mansét) **1.** lengan baju tambahan yg keras pd pergelangan tangan; **2.** Id kancing pd lengan baju tambahan.

mansiang Mn mensiang.

mansuh tidak berlaku lagi, batal, ditiadakan, terhapus;

memansuhkan menjadikan tidak berlaku (sah dll) lagi, membatalkan, menghapuskan, meniadakan: *perjanjian ini boleh dimansuhkan pd bila-bila masa pun*;

pemansuhan perbuatan (tindakan dsb) memansuhkan, pembatalan, penghapusan: *~ peperiksaan masuk ke sekolah menengah pd tahun 1964*.

mantan dahulunya pernah menjawat jawatan tertentu, tetapi sekarang tidak lagi, bekas: *ayahnya seorang ~ ketua pengarang sebuah penerbitan; dia adalah ~ guru besar sekolah itu*.

mantap **1.** tabah hati, tetap hati (fikiran), tetap setia: *orang ~*; **2.** tidak berubah-ubah, tetap, stabil: *langkahnya perlahan dan ~; bahasa kita masih belum mencapai taraf yg ~, masih dlm pembentukan*;

memantapkan menjadikan mantap (tidak berubah), menjadikan tetap, menstabilkan: *penerbitan kamus istilah juga akan ~ istilah-istilah yg dicipta; penulis perlu ~ ideanya dlm penulisan karya mereka*;

kemantapan perihal mantap (tidak berubah, tetap, stabil),
kestabilan: *satu lagi hakikat yg asas dlm demokrasi di Malaysia
ialah wujudnya idea kompromi yg sama menyumbang ke arah ~
demokrasi itu sendiri;*

pemantapan perihal (perbuatan, usaha, dsb) memantapkan, proses
menjadikan mantap, penstabilan: *dlm pd itu, tentu berlaku ~ dan
pengayaan, sejajar dgn berkembangnya bahasa itu;*

pemantap sesuatu yg digunakan utk menetapkan (menstabilkan)
letak sesuatu benda: *palang ~ .*

mantari Mn ark matahari.

mantel I sj baju labuh utk menyelubungi tubuh.

mantel II (Geo) bahagian yg terletak di antara kerak bumi dgn teras
bumi.

mantera kata atau ayat yg apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa
ghaib (utk menyembuhkan penyakit dll), jampi; *membaca ~
mengucapkan mantera;*

bermantera telah dimanterai;

memanterai mengenakan mantera pd: *Pak Sairun sedang ~
anakny;*

memanterakan membaca mantera utk sesuatu supaya dapat
menimbulkan kuasa ghaib (utk menyembuhkan penyakit dll):
*maka Hajuman pun dlm antara buyung yg banyak itu
dimanterakannya sebuah buyung.*

mant Mn ark menteri.

mantik Ar = *ilmu* ~ ilmu bahas akal, ilmu jalan fikiran tentang sebab dan
kejadian yg terbit daripadanya.

mantu Jk menantu; *abang ~ abang ipar.*

mantuk Ar ark erti atau maksud yg sebenarnya.

manual **1.** buku yg mengandung panduan dan maklumat utk melaksanakan sesuatu; **2.** dilakukan atau dikendalikan dgn tangan.

manuk ark burung, ayam; *dada* ~ dada burung.

manusia makhluk yg mempunyai akal budi, insan, orang: *ada pun jenis yg tinggi sekali antara segala haiwan ialah ~; ~ utama* manusia yg terbaik;

memanusiakan menjadikan seseorang mempunyai sifat-sifat manusia yg mulia: *peranan sastera adalah utk ~ manusia dan menimbulkan keindahan dlm jiwa mereka;*

kemanusiaan perihal manusia, sifat-sifat manusia: *tetapi sekarang ia pandai berhujah tentang manusia dan ~, tentang dunia dan keduniaan.*

manusiawi bersifat manusia (kemanusiaan): *ciri-ciri hidup yg lebih mulia, abadi, dan sehati dgn sifat dan unsur ~.*

manuskrip **1.** naskhah tulisan tangan; **2.** versi atau bahan (sesuatu karya) yg telah disediakan oleh penulis (editor dsb) utk dicetak dan diterbitkan dlm bentuk buku dll.

manyar burung tempua.

manyau Kd, Pn mengigau.

manzil, manzilah Ar rumah perhentian (utk bermalam dll).

map Id tempat (spt sampul) menyimpan surat dll, fail.

mapak Jk mengalu-alukan (tetamu), menyongsong, menjemput.

mapalus (Minahasa) Kd sj pertubuhan gotong-royong (antara anggota-anggotanya).

mapan **1.** tidak berubah-ubah (sudah diterima umum), mantap: *mengikut tafsiran yg mula ~ di kalangan budayawan kita di sini, budaya tinggi ialah budaya ilmu, pemikiran, dan teknologi;* **2.** sudah kukuh (kedudukannya), tidak goyah (sudah stabil, teguh, dikenali,

dsb): *penulis baru akan banyak belajar drpd penulis yg sudah ~; hasil ciptaan pengarang yg sedia ~;*

memapankan memantapkan, mengukuhkan, menstabilkan sesuatu: *mereka harus berusaha utk ~ kedudukan ekonomi keluarga terlebih dahulu;*

kemapanan keadaan mapan, kemantapan: *tidak ada yg tidak boleh dipersoalkan sehingga ilmu dan teori bertentangan dgn ~;*

pemapanan perihal (proses, perbuatan) memapankan sesuatu, pemantapan, pengukuhan, penstabilan.

mapel sj pokok drpd genus *Acer* yg daunnya berbucu lima, terdapat di Eropah, Amerika dan Asia, dan kayunya banyak digunakan dlm pembuatan perabot, lantai dll: *kayu ~.*

MAPEN (mapén) akronim bagi Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Maphilindo akronim bagi nama tiga buah negara, iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia.

maqam Ar kedudukan (tingkat, darjat atau taraf) yg tinggi atau mulia di sisi Allah: *bagi kaum wanita, utk mendapat ~ solehah dan menjadi ahli syurga di akhirat adalah sangat mudah; semoga Allah akan mengangkat kamu ke ~ yg terpuji.*

mar sl jaga atau awasi menteri (kata dlm permainan catur utk mengingatkan lawan bahawa menteri akan dimakan).

mara I sl bencana, bahaya, celaka, kesusahan: *dijauhkan Allah drpd bahaya dan ~-Nya;*

~ jangan dipukat, rezeki jangan ditolak prb bahaya atau kesusahan jangan sekali-kali dicari-cari; ~ hinggap, ~ terbang enggang lalu ranting patah prb perihal seseorang yg dituduh melakukan sesuatu kesalahan pd hal dia tidak melakukan kesalahan itu;

bermara sk berbahaya, menghadapi bahaya: *jikalau tuan-tuan sekalian pergi, salah seorang ~.*

mara II bergerak ke muka, tampil ke hadapan, maju: *barisan tentera itu ~ dgn pantasnya sungguhpun mereka menemui tentangan;*

memarakan menggerakkan ke hadapan, memajukan;

kemaraan perihal bergerak (melangkah dll) maju, kemajuan;
hulubalang telah berhimpun di Pedas utk menyekat ~ Raja Melewar.

mara III; *saudara*-~ semua kaum keluarga sendiri (jauh dan dekat).

MARA akronim bagi Majlis Amanah Rakyat (perbadanan yg menolong bumiputera membangun atau maju dlm bidang perniagaan, perusahaan, pendidikan, dsb).

marabahaya bermacam-macam bencana atau bahaya; □ **mara**.

Maragang Kimaragang.

marah I berasa panas hati kerana ditipu (dihina dll), perasaan panas hati, berang, gusar, murka: *ayah dan ibunya ~ kepadanya; perkataan yg akhir itu ditekannya mengeluarkan suara ~ sedikit; ~ku kpd orang-orang Jepun yg mengebom padang kapal terbang Sungai Petani belum lagi hilang; kena ~ diberangi (digusari); naik (bangkit, timbul) ~ menjadi marah;*

memarahi marah kpd, memberangi, menggusari: *dia sendiri terasa salah kerana ~ adiknya; budak-budak yg bergayut itu telah dimarahi oleh konduktor bas tersebut;*

memarahkan 1. (naik) marah kerana sesuatu: *dia cuba hendak mengambil buku lain, tetapi Kintan segera ~nya;* **2.** menyebabkan jadi (naik) marah: *perbuatan Wak Salleh mengemis setiap minggu itu ~nya benar;*

marahan Jk enggan (tidak mahu) bercampur dgn orang lain kerana marah;

kemarahan perihal marah, keberangan, kegusaran: *perkara ini mungkin menimbulkan ~ orang kampung; pd saat itu, hilang ~, lemah segala sendi anggota;*

kemarah-marahan sangat marah;

pemarah 1. orang yg cepat atau lekas marah: *apakah suaminya ~ dan pencemburu? 2.* bersifat atau lekas marah; **amarah.**

marah II (Padang) gelaran utk anak sutan dgn perempuan biasa atau anak puteri dgn laki-laki biasa.

marajali sj tumbuhan (pokok) dlm famili Trigoniaceae, mata pacak, merjali, *Trigoniastrum hypoleucum.*

marak 1. = **semarak** cahaya, seri; *naik ~ a)* mulai bercahaya (berseri); b) ki mulai masyhur; c) sedang cantik (gadis dll); **2.** = **memarak** menyala: *api itu sekejap ~ sekejap malap, mengikut tekanan udara yg turun naik dlm bilik itu; 3.* ki sedang memuncak (perasaan, nafsu, keinginan, dll), berkobar: *cita-cita ini datang sahaja padanya dan semakin ~;*

memarakkan menjadikan bernyala (dgn lebih besar), menyalakan: *api itu boleh dimarakkan dgn ditiup atau dikipas;*

kemarakan keadaan marak; □ **semarak I.**

marakas sj alat muzik Amerika Selatan (yg digoncang-goncang).

marap Kl; **semarap** jarak dr siku ke buku lima.

marapulai Mn mempelai atau pengantin (laki-laki).

maras Jw cemas, ketakutan, sangat khuatir: *janganlah ~ hatimu, akulah nenekmu.*

maraton perlumbaan larian jarak jauh (lebih kurang 26 batu atau 41.8420 kilometer).

marba □ □ **cacamarba.**

marbut Ar penjaga dan pengurus masjid, siak.

MARDEC (mardéc) akronim bagi *Malaysian Rubber Development Corporation* (Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad).

MARDI akronim bagi *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia).

marcapada sl dunia sekarang ini: *orang Mukmin yg tidak terpengaruh dgn ~ yg penuh dgn tipu daya.*

mardudah Ar tertolak (tidak dapat diterima).

marem Jw puas, senang, sentosa.

Maret Id bulan ketiga dlm tahun Masihi, Mac.

marga I sl binatang liar; □ **mergastua**.

marga II 1. Id kelompok atau puak orang yg berasal drpd satu keturunan (di kalangan orang Batak); **2.** bahagian daerah yg terdiri drpd beberapa buah dusun (Sumatera Selatan).

margin 1. jidar, garisan tepi; **2.** tepi, bahagian tepi; **3.** perbezaan antara dua jumlah dsb; ~ *keuntungan* banyaknya perbezaan antara kos pengeluaran dan hasil jualan yg diperoleh sbg keuntungan.

marginal kecil, tidak penting: *usaha utk meningkatkan pendidikan keilmuan hanya bersifat ~.*

marhaban Ar **1.** selamat datang; **2.** puji-pujian yg dilagukan utk memuji-muji Nabi (pd perayaan Maulidur Rasul dll).

marhaen (marhaén); *kaum* ~ rakyat jelata (spt petani, nelayan, dll).

marhaenis (marhaénis) orang yg memperjuangkan hak-hak marhaen.

marhalah Ar ukuran jarak yg panjangnya lebih kurang 28 batu atau 45.06 kilometer.

marhum □ □ **Almarhum**.

marhumah □ **Almarhumah**.

mari I 1. (ke) sini: *kerana engkaulah aku datang ke ~; bawa ~ bungkusan itu; ke sana ke ~ ke sana ke sini*; **2.** perkataan utk

mengajak orang berbuat sesuatu, ayuh, silakan: ~ *kita pergi menjerat gajah, kerana musim ini gajah akan turun.*

mari II; IB *roti* ~ sj kuih kering, biskut.

marigold sj tumbuhan taman drpd genus *Tagetes* yg bunganya berwarna kuning atau jingga.

marijuana ganja (bahan dadah).

marikan = *kain* ~ **1.** sj kain buatan Amerika; **2.** sj kain kipar, kain belacu.

Marikh planet yg keempat jauhnya dr matahari.

marimba (Muz) sj alat muzik seakan-akan xilofon yg berasal dr Afrika.

marin I bp kelmarin, semalam.

marin II **1.** terdapat di atau berkaitan dgn laut; **2.** berkaitan dgn perkapalan, pelayaran, dsb; **3.** anggota pasukan tentera laut.

marina pangkalan khas tempat kapal layar, bot persiar dsb berlabuh dsb.

marit; *morat*-~; □ **morat I.**

maritam Br pulasan.

maritim **1.** berkaitan dgn perkapalan, pelayaran, dsb; **2.** terletak di atau berdekatan dgn laut: *80% drpd perdagangan ASEAN bergantung pd pengangkutan ~.*

marjerin bahan berwarna kekuningan yg rupanya spt mentega dan biasanya diperbuat drpd lemak sayur dan binatang yg diemulsi dgn susu, garam, vitamin, dsb.

marjoram tumbuhan herba berbau harum yg daunnya dapat digunakan sbg perisa dlm masakan, *Origanum hortensis*.

marka Pn gadis remaja.

markah **1.** tanda, tanda pd tali penduga; *garis* ~ garis tanda; **2.** angka yg diberikan pd mata pelajaran dlm peperiksaan dll (sbg ukuran bagi mutu jawapan kpd soalan): *dia berazam hendak mendapat ~ yg tertinggi dlm ujian tawarikh nanti;*

memarkahi memeriksa dan memberi markah kpd (kertas jawaban peperiksaan dsb): *kertas jawaban mereka tidak dikenali oleh orang-orang yg ~ kertas itu;*

pemarkahan perihal (cara dsb) memberi markah kpd sesuatu, penentuan atau pemberian markah: *~ ujian ini ialah 100% objektif;*

pemarkah pemeriksa atau penguji yg memberikan markah: *~ tidak mempunyai ruang utk berlaku tidak adil; ujian berbentuk esei juga boleh diberi markah secara objektif, tetapi biasanya agak sukar dan ~ cenderung utk menjadi subjektif.*

markas pejabat ketua turus tentera dll, pejabat parti politik dll; *~ besar markas yg tertinggi, ibu pejabat;*

bermarkas 1. berpejabat: *Polis Khas Hutan yg ~ di Kuala Kangsar;* 2. ki diam, tinggal: *saya ~ di sebuah kamar yg kecil.*

market (markét) bp pasar.

markisah sj tumbuhan (pokok memanjat dan buahnya), buah susu, *Passiflora laurifolia.*

marlin sj ikan laut yg besar drpd genus *Makaira* atau *Tetrapterus* dgn rahang atasnya panjang dan runcing.

marmalad sj jem yg diperbuat drpd buah sitrus spt oren dan lemon, biasanya dimakan bersama roti dsb.

marmar = *batu* ~ sj bahan galian kalsium karbonat yg padat, yg diperoleh drpd batu kapur, batu pualam.

marmut sj binatang spt tikus yg agak besar (biasanya dipelihara orang), tikus belanda, *Cavia cobaya.*

marsekal Id marsyal.

marsose (marsosé) IB polis tentera.

marsupial binatang mamalia (spt kanggaru) yg mempunyai kantung tempat anaknya melengkapkan perkembangannya.

marsum sl surat.

marsyal 1. pegawai tertinggi dlm tentera, jeneral besar; ~ *tentera darat*
pegawai tertinggi dlm tentera darat; **2.** pegawai yg bertugas
mengawal atau menyelia perjalanan sesuatu acara umum,
terutamanya acara sukan spt perlumbaan kereta dsb: *40 orang ~
perlumbaan dr Portugal akan membantu ~ tempatan apabila Litar
F1 Sepang menganjurkan perlumbaan Grand Prix Malaysia
Petronas 1999 pd 17 Oktober ini.*

martabak sj makanan spt roti canai tetapi berlapis, dibubuh daging
cencang, telur, rempah, bawang, dsb.

martabat kedudukan pd mata masyarakat, darjat, pangkat, tingkat:
dianugerahinya aku ~ yg amat besar;

bermartabat mempunyai martabat: *manusia yg bermaruah dan ~;*

memartabatkan menjadikan sesuatu bermartabat: *banyak yg
boleh dilakukan utk ~ sastera Melayu;*

kemartabatan perihal martabat: *namun Ali Aziz tidaklah sempat
menjatuhkan ~ tuan sbg satu-satunya wira sepanjang zaman;*

pemartabatan perihal (usaha dsb) memartabatkan: *pd masa yg
sama, pihak yg tidak sejalan dgn aspirasi perjuangan dan ~
bahasa tentunya bersewenang-wenang dgn penggunaan bahasa
asing;*

pemartabat pihak (orang atau golongan) yg memartabatkan: *sbg
pejuang dan ~ bahasa, kita harus bersedia berdepan dgn
berbagai-bagai masalah.*

martil pemukul, palu, tukul.

martini sj minuman keras.

martir IB orang yg mati teraniaya kerana mempertahankan agama
(Roman Katolik).

maru sl sj hantu yg suka mengganggu orang.

maruah Ar **1.** kehormatan (diri), harga diri: *dia tidak menjaga ~nya; rakyat Malaysia bersatu padu dan teguh di belakang kerajaan dlm mempertahankan ~ tanah air*; **2.** sifat laki-laki, keberanian, kegagahan;

bermaruah mempunyai maruah.

marut I; *carut-~*; □ **carut**.

marut II; *karut-~*; □ **karut**.

marwas sj alat muzik spt gendang (biasanya dimainkan bersama gambus).

Marxisme teori politik dan ekonomi Karl Marx yg memperjuangkan kesamaan taraf manusia (masyarakat tanpa kelas atau kasta) dan percaya bahawa kapitalisme akhirnya diambil alih oleh sosialisme.

marzipan sj pes yg diperbuat drpd badam tumbuk, putih telur dan gula, biasanya digunakan utk menghiasi kek dsb.

mas I 1. bp sj logam berwarna kuning yg mahal harganya; **2.** sl sj mata wang; **3.** Kl duit syiling yg bernilai 50 sen.

mas II Jw **1.** panggilan yg ertinya hampir sama dgn tuan, encik; **2.** panggilan mesra utk suami dll: *silakan masuk ~*.

MAS akronim bagi *Malaysian Airlines System* (Sistem Penerbangan Malaysia).

masa I 1. waktu, ketika: *~ dan tempat perundangan itu harus dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak; bila-bila ~*; **2.** jangka waktu yg agak lama (ketika sesuatu kejadian dll yg penting berlaku), zaman; *~ Jepun* zaman pendudukan Jepun; **3.** jangka waktu yg tertentu (ada permulaan serta batasnya); *~ capaian* (Komp) masa yg diperlukan utk mendapatkan data yg diproses; *~ kerja* waktu yg ditentukan utk sesuatu pekerjaan; *separuh ~ pertama (kedua)* waktu permainan bola sepak dll dr permulaan hingga pertengahan (dr pertengahan hingga akhir); *~ depan*

(*hadapan, datang*) zaman yg akan datang; ~ *karbon* zaman lapisan karbon terbentuk (dlm tanah); ~ *kecil* ketika masih kecil (zaman masih budak-budak); ~ *kering* musim kering; ~ *lampau* waktu yg telah lalu (lepas); ~ *lapang (lega)* waktu senggang; ~ *peralihan* masa berlaku perubahan atau pergantian (drpd suatu keadaan kpd keadaan lain); ~ *Permian (Geo)* zaman selepas zaman karbon; ~ *rehat* waktu utk berehat; *dr se~ ke se~* dr satu waktu ke waktu lain;

semasa 1. sama masa dgn, pd ketika yg sama: *beliau juga hidup hampir ~ dgn sejarah yg ditulisnya*; **2.** sewaktu, pd ketika: ~ *Datuk Ujang bergerak ke muka pintu, ia keluar perlahan-lahan*; **3.** dr masa (zaman) yg diperkatakan, dr masa yg sama: *hal-hal yg menarik perhatian~*;

semasa-masa sewaktu-waktu;

pemasaan perihal atau proses menentukan (mengatur atau mengawal) masa bagi sesuatu operasi dsb: ~ *yg tidak betul juga boleh menyebabkan salah satu kebuk pembakaran dimasuki pelincir*;

pemasa alat utk mengatur dan mengawal masa operasi sesuatu mesin, peranti dsb.

masa II = masakan mana boleh, tidak akanlah, tidak mungkin: *kalau tidak, ~ sampai bertahun-tahun ia dapat melakukan perdagangan gelap; kalau cendawan sudi tumbuh, ~ bumi tidak terima*;
~ *bodoh* a) tidak mempedulikan apa-apa; b) terserah; *bersikap ~ bodoh* tidak mempedulikan atau mengendahkan (hal orang lain dll).

masai I; *kusut*-~ sangat kusut; **mangsai**.

masai II Kd bengkok (bkn muka) kerana terlalu banyak tidur (terutama pd waktu siang).

masak 1. sudah tua dan boleh dimakan (buah-buahan dll), matang: *jangan diambil pisang itu, biarlah ~ di pokok; ~ ranum* sangat masak (buah-buahan); **2.** sudah empuk, tidak mentah lagi (barang makanan yg direbus, digoreng, dll): *baru separuh ~ Pak Pandir pun tampillah meratah daging itu; nasi belum ~ lagi*; **3.** cara membuat masakan (gulai dll): *~ dalca; ~ lemak; tukang ~ orang* yg memasak makanan; **4.** ki sudah tahu atau faham benar (kelakuan orang dll), sudah difikirkan (dipertimbangkan) dgn teliti, sudah diputuskan (sesuatu perkara dll), sudah sempurna, matang: *hamba sudah ~ dgn segala kejadian yg berlaku di sekeliling hamba; sebelum memberi keputusan, perkara itu harus difikirkan ~-~ dahulu; apabila ~lah sudah perjanjian itu, maka barulah pulang ke Melaka;*

~ ajar a) sudah cukup mendapat didikan (ajaran); b) mempunyai sopan-santun; *~ akal* matang pemikiran; *~ niatnya* mempunyai niat yg tetap; *~ tangan* sudah selalu benar kena tampar atau tempeleng; *makan ~ mentah* prb tidak membezakan yg halal dan yg haram; *~ buah rumbia* prb perihal sesuatu yg mustahil terjadi (diperoleh); *~ di luar, mentah di dalam* prb nampaknya baik sebenarnya jahat; *~ malam, mentah pagi (siang)* prb sesuatu perkara yg telah ditentukan tetapi kemudiannya berubah pula;

semasak selama masa yg perlu supaya (buah-buahan, nasi yg ditanak, dll) menjadi masak: *~ buah piama;*

bermasak yg sudah dimasak (air, makanan, dll): *lebih baik kalau dibasuh tangan dgn air yg sudah ~;*

bermasak-masak sedang membuat lauk-pauk (kuih-muih dll); *kelengkapan ~ alat atau perkakas* yg digunakan utk membuat makanan;

bermasakan, bermasak-masakan sedang masak (buah-buahan):
kelihatan buah padi kuning spt emas ~;

memasak, mempermasak sl membuat lauk-pauk (kuih-muih dll),
mengolah makanan supaya masak: *ia menolong ibunya ~ dan mencuci kain baju;*

~ air memanaskan air hingga mendidih; ~ nasi menanak nasi; ~ ubat membuat ubat;

memasak-masak 1. membuat bermacam-macam kuih (lauk-pauk dll): *dan Rosita pun telah selesai pula ~ ala kadarnya; 2. = masak-memasak* cara memasak bermacam-macam jenis makanan (kuih-muih, lauk-pauk, dll): *di kampung itu diadakan kelas masak-memasak;*

memasakkan 1. memasak utk, membuat makanan utk: *ia ~ suaminya sayur keladi; 2.* membuat supaya masak, menjadikan masak: *kalau belum masak nasi tolonglah masakkan; musim panasnya yg panjang dan kering dapat ~ padi; 3.* ki memikirkan, mempertimbangkan, dll sesuatu perkara dgn teliti: *Raja Farquhar itu pergi bertemu dgn dia ke Riau, hendak ~ perjanjiannya itu;*

masakan 1. sesuatu yg dimasak (kuih-kuih, lauk-pauk, dll): *kalau hari-hari dapat memakan ~ yg lazat-lazat spt ini, tentulah gemuk aku nanti; 2.* cara memasak: *~ daging; ~ lemak; 3.* Id bukan yg sebenarnya, buatan, olahan;

pemasakan perihal (kerja, proses, dsb) memasak;

pemasak 1. orang yg kerjanya memasak, tukang masak; **2.** alat (perkakas) utk memasak; **3.** Mn rempah-rempah.

masakan mana boleh; □ **masa II.**

masakat □ **masyakah.**

masalah 1. sesuatu yg memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yg menimbulkan kesukaran (kesulitan): *banyak negara Asia*

sekarang sedang menghadapi ~ kelebihan penduduk; banyak drpd pengusaha tempatan yg menghadapi ~ kewangan yg tenat; 2. (Mat) soalan atau kenyataan (dlm matematik dll) yg memerlukan penyelesaian biasanya dgn beberapa perkiraan: ~ itu boleh diselesaikan dgn jalan melukis mengikut skala atau dgn jalan perkiraan;

bermasalah mempunyai (ada) masalah, mengandungi (menimbulkan) masalah: *rambut ~ yg tidak terurus, kering dan mempunyai hujung yg berbelah; jika anda berasa sedih dan ~ hari itu janganlah jadikannya utk tidak bergiat;*

memasalahkan, mempermasalahkan menjadikan sbg masalah, memberi perhatian kpd (menganggap sbg) suatu masalah: *~ dunia adalah kehidupan; mereka tidak mempermasalahkan gejala korupsi secara keseluruhan;*

permasalahan sesuatu atau segala-gala yg menjadi masalah, (pelbagai) masalah, persoalan: *sajak-sajak mereka ditulis bagi membuka jalan kpd pembaca utk mengenali peristiwa dan menilai ~ di sekeliling kehidupan mereka; seminar itu akan menitikberatkan ~ bahasa; ~ pendidikan; ~ hidup wanita.*

masalode (masalodé) sj kuih India yg dibuat drpd kacang dal dan bahan-bahan lain, bentuknya bulat dan agak leper.

masam 1. rasa spt rasa cuka, asam: *kuman-kuman menjadikan susu itu ~; mukanya berkerut kerana memakan buah yg ~; 2. tidak jernih (muka) kerana marah dll, bersut, merengus, merengut: mukanya ~ setelah dimarahi oleh bapanya;*

~ catung sangat masam (berkenaan muka); ~ kucam masam sungguh; ~ pahit Kd terlalu masam.

~ bagai nikah tak suka prb berdukacita kerana diperlakukan tidak menurut kehendak hatinya;

bermasam; ~ *muka* berkecil hati antara satu sama lain (kerana berkelahi dll), tidak bertegur sapa;

memasam menjadi masam: *susu ini mulai ~;*

memasamkan menjadikan masam: *dia menjeling senyum setelah beberapa minit ~ mukanya;*

kemasaman keadaan masam: *cuka mempunyai kadar ~ sehingga 95%;*

kemasam-masaman, masam-masaman agak masam.

masamah Pn sj masakan daging.

masap ark; **memasap** mengeluarkan wap, menguap, meruap.

masbuk Ar **1.** yg didahului, iaitu makmum yg tidak sempat membaca al-Fatihah pd rakaat pertama bersama imam semasa solat; **2.** perihal bercampur dlm sesuatu kumpulan orang atau masyarakat, percampuran, pergaulan: *semasa tinggal di kampung seorang diri, terpaksa dia memasuki ~ tetangganya kerana tidak mahu kesunyian; ini disebabkan bapaku termasuk dlm ~ orang surau.*

masdar Ar tempat terbit, sumber, punca: *al-Quranlah yg dijadikan ~ dan rujukan yg akhirnya mencipta bahasa Melayu moden.*

maserba; *binatang* ~ binatang yg memakan serba jenis makanan (daun dan juga daging), omnivor.

mashaf (mas.haf) Ar jilid (naskhah) al-Quran yg bertulis tangan.

Mashumi Id akronim bagi Majlis Shura Muslimin Indonesia (salah satu parti politik di Indonesia).

masih I 1. lagi (dlm keadaan): *pintu ~ terbuka; ia ~ muda;* **2.** = ~ lagi tinggal lagi: *beras ~ secupak lagi;*

semasih ark selama (masih, belum).

Masih II, al-Masih Nabi Isa.

Masihi Kristian; *agama* ~ agama Kristian; *kurun (tahun)* ~ (tahun) yg dihitung dr tarikh Nabi Isa dilahirkan.

masin rasa spt rasa garam, asin; ~ *lidah (mulut)* apa yg dikatakan semuanya terjadi (kejadian dll), perkataannya dituruti (diterima) orang; ~ *perkataannya* perkataannya dituruti (dikabulkan dll) orang; *air* ~ air laut; *telur* ~ telur yg telah diasinkan (dgn cara memeram dlm air garam);

belum tahu di~ garam prb masih belum mempunyai pengalaman;
garam kami tidak ~ padanya prb perkataan kami tidak dipedulikan;

memasinkan menjadikan sesuatu masin: *air laut yg melimpah itu telah ~ tanah yg terletak di sepanjang pantai itu*;

kemasinan perihal masin (air dll), rasa masin;

pemasinan proses (perbuatan) memasinkan: ~ *ikan-ikan itu mudah dilakukan*.

masing-masing sendiri-sendiri, tiap-tiap orang: *semuanya sibuk dgn pekerjaan ~*.

masinis IB jurumesin (pd kepala kereta api dll).

masir berbutir-butir (spt pasir); *salak* ~ buah salak yg selaput bijinya berbutir-butir; *kaca* ~ sj kaca yg tidak licin (kesat seakan-akan berpasir).

masjid Ar bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain.

Masjidilharam Ar masjid besar di Mekah.

mas kahwin pemberian wajib yg berupa wang (al-Quran dsb) oleh pengantin lelaki kpd pengantin perempuan semasa upacara akad nikah, mahar;

bermaskahwinkan mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg mas kahwin: *ada pula yg hanya ~ Surah al-Ikhlās dan ada juga membayar mas kahwin sebanyak 100 dinar*.

maskanat Ar kemiskinan (yg merupakan jalan utk mencapai kesempurnaan batin).

maskapai IB syarikat perdagangan.

maskara bahan mekap utk menghitamkan dan mencantikkan bulu mata.

maskat I; *baju* ~ sj baju yg dipakai di luar.

maskat II; *halwa* ~ sj kuih spt dodol yg dibuat drpd campuran tepung gandum dan minyak sapi.

masker bahan (berbentuk krim, pupur, dsb) rawatan muka (utk mencuci dan menegangkan kulit).

maskot binatang (benda dll) yg dianggap atau digunakan sbg lambang bertuah: *penyu dipilih sbg ~ rasmi Sukan SEA*.

maskulin 1. berkaitan dgn ciri-ciri lelaki atau kelelakian; **2.** (Lin) berkaitan dgn kata yg memiliki ciri yg dikaitkan dgn kelelakian.

maslahat Ar sesuatu yg berfaedah (berguna), usaha dsb yg mendatangkan faedah: *dia sentiasa meletakkan kebenaran di hadapannya dan tidak mempermudah-mudahkan sesuatu ~ yg mengenai orang ramai; setiap langkah, peraturan dan undang-undang yg dapat melindungi dan mempertahankan perkara yg disebutkan tadi adalah ~;*

kemaslahatan kegunaan, faedah: *hal yg salah dan bertentangan dgn ~ orang ramai; demi ~ dan kepentingan manusia.*

maslin = *cita* ~ sj kain yg jarang lagi halus.

masnawi 1. sj sajak Parsi; **2.** sesuatu bentuk puisi Melayu yg berasal drpd puisi Parsi (biasanya utk tujuan memuji-muji).

masoi sj tumbuhan (pokok), *Massoia aromatica*; □ **mesui**.

masokisme (Psi) kecenderungan mendapat nikmat, kepuasan atau keseronokan, terutamanya nikmat syahwat, drpd kesakitan, penderitaan atau penghinaan diri sendiri.

massa **1.** sekelompok benda yg banyak jumlahnya dan tidak teratur; **2.** jumlah yg terlalu banyak: *dr jambatan aku menoleh ke arah ~ yg spt semut banyaknya; ~ rakyat*; **3.** kumpulan orang ramai yg bersatu kerana dasar atau pegangan tertentu: *rapat ~*; **4.** jumlah zat yg ada dlm sesuatu benda, jisim.

mastautin; bermastautin menetap (di), tinggal (di): *keluarga mereka itu sudah turun-temurun ~ di negeri ini*;

permastautinan perihal bermastautin: *~ masyarakat Melayu*;

pemastautin orang yg bermastautin (di sesebuah negeri): *pemain yg mempunyai status ~ tetap dianggap sbg bukan warganegara*.

mastektomi (mastéktomi) (Ubat) pembuangan sebelah atau kedua-dua buah dada (biasanya dilakukan utk mengatasi serangan kanser yg parah).

MASTERA akronim bagi Majlis Sastera Asia Tenggara.

mastonkus (Ubat) tumor pd buah dada atau kelenjar susu.

mastuli sj kain sutera yg kasar dan kuat; *jual sutera, beli ~ prb menggantikan sesuatu dgn yg lebih baik*.

masuk **1.** pergi ke dlm (bilik, rumah, tubuh badan, dll), datang ke dlm, lwn keluar: *apabila ia melihat orang datang, maka larilah ia ~ hutan; lekas ~!*; *ia bebas ~ dan keluar*; **2.** terbenam (matahari, bulan, dll) ke dlm; **3.** hadir di atau pergi ke tempat bekerja (sekolah dll): *mengapa engkau tidak ~ bekerja semalam?*; *enam bulan kemudian dia ~ hospital*; *~ sekolah* a) pergi ke sekolah utk belajar; b) menjadi murid di sekolah; **4.** menjadi ahli sesuatu pertubuhan (askar, agama, dll): *maka segala orang negeri Fansuri itu pun ~ Islam*; **5.** sudah sampai (umur, tempoh, waktu, dll): *umurnya baru ~ enam tahun*; *perundingan itu sudah ~ hari yg ketujuh*; *~ saja waktu isyak, kesemuanya sudah mengeruh*; **6.** terbilang, terhitung, tergolong dlm, terkira (termuat) dlm: *ia ~*

orang yg berada; kain ini ~ dlm jenis kain yg baik juga; tarian ini tidak ~ dlm acara pertunjukan malam terakhir; 7. ikut serta, turut campur: Ali tidak dapat ~ peperiksaan kerana sakit; 8. yg diperoleh (diterima, didapati): ada kerja ada ~ , tak ada kerja, tak ada ~;

~ ajar mendengar atau menerima nasihat orang; ~ akal dapat diterima oleh akal (fikiran), tidak mustahil; ~ angin sakit kerana kesejukan (perut kembung dll); ~ Belanda Id menjadi warganegara Belanda; ~ buku dicatat dlm buku (perbelanjaan dll); ~ campur ikut serta, turut mengambil bahagian; ~ daun sudah mendapat peluang yg baik (sesuatu yg pasti akan berhasil); ~ hati diterima oleh hati, bersetuju; ~ Jawi Kd berkhatan; ~ kerja datang atau hadir bekerja; ~ kira terhitung (tergolong) dlm; ~ kompeni Id menjadi askar; ~ Melayu a) ark menganut agama Islam; b) menganuti (mengikuti) adat resam orang Melayu; ~ mulut turut memberi fikiran atau nasihat; ~ suluk mengasingkan diri (utk mengamalkan suluk); ~ syaitan dirasuki syaitan; ~ tangan campur tangan; ~ waktu sampai waktu (utk bersembahyang);

~ lima keluar sepuluh prb belanja yg lebih besar drpd penghasilan; ~ sarang harimau prb terperosok ke dlm suatu bahaya besar;

memasuki **1.** masuk ke dlm (rumah dll): *orang itu kelihatan sedang ~ pintu pagar rumahnya; 2.* mengikuti (kursus, kuliah, dll), menjadi pelajar (di sekolah dll): *seramai tiga puluh lima orang penuntut dr sekolah Alam Shah akan ~ universiti tahun ini; 3.* mengambil bahagian (dlm peraduan, peperiksaan, dll): *beberapa hari lagi dia akan ~ peperiksaan; 4.* menyertai sesuatu pertubuhan (pakatan dll): *~ pertubuhan SEATO; 5.* mencampuri (urusan orang lain);

memasukkan 1. membawa (membiarkan dll) masuk, mengisikan (ke dlm): *ia ~ mesin taip ke dlm bilik; perusahaan ~ nanas ke dlm tin; dialah yg mula-mula ~ suatu konsep baru ke dlm kesusasteraan kita*; **2.** menjadikan seseorang ahli sesuatu pertubuhan dll: *ramai ibu bapa ~ anak-anak mereka ke sekolah itu*; **3.** menaruhkan wang ke dlm sesuatu perusahaan dll, menanam modal: *ia ~ RM50 ke dlm sebuah syarikat pd awal tiap-tiap tahun*;
termasuk 1. sudah masuk; *~ di hati* ki dapat diterima, dipercayai; **2.** tergolong (terhitung dll) dlm: *labah-labah tidak ~ dlm kumpulan serangga*;

kemasukan 1. dimasuki (hantu, orang halus, dll), dirasuki (hantu dll): *lembu tua itu lari dan terus lari spt ~ hantu merempuh segala tanaman*; **2.** ada yg masuk, dimasuki oleh: *matanya pedih kerana ~ asap sabut yg tebal itu*; **3.** perihal masuk (menganggotai) sesuatu pertubuhan dll: *~ Malaysia sbg anggota majlis keselamatan*;

pemasukan perbuatan (tindakan, kerja, proses, dsb) memasukkan.

masuk Jk masuk.

masuyit (Kim) mineral nadir yg mengandungi 74% uranium.

masya-Allah Ar **1.** apa yg dikehendaki Allah; **2.** sr kata utk menyatakan perasaan hairan dll.

masyaikh Ar ketua-ketua.

masyakah, masyakat Ar susah, sukar, kesusahan, kesukaran.

masyarakat 1. kumpulan manusia yg hidup bersama (di sesuatu tempat dgn aturan dan cara tertentu), pergaulan hidup: *menjadi guru ialah sebaik-baik pekerjaan di sisi ~*; *~ kampung* golongan manusia yg tinggal di kampung; *~ kota* golongan manusia yg tinggal di kota; *~ majmuk* masyarakat yg terdiri drpd beberapa bangsa (kumpulan etnik atau suku bangsa dsb); *~ ramai* orang (khalayak) ramai;

sampah ~ orang yg tidak berguna dlm sesuatu kumpulan manusia;

2. keseluruhan hubungan sosial antara kumpulan haiwan: ~ *haiwan*;

bermasyarakat merupakan (hidup sbg satu) masyarakat, menggabungkan diri: *tabiat manusia berkehendakkan hidup* ~;

memasyarakatkan memperkembang dan menyebarkan sehingga meresap ke dlm masyarakat, menjadikan tersebar (terkenal dsb) di kalangan masyarakat, meluaskan pengetahuan tentangnya atau penggunaannya dsb di kalangan masyarakat: *DBP terlibat langsung dlm usaha* ~ *bahasa melalui penerbitan*; *usaha* ~ *filem belum boleh dianggap berjaya setakat ini*;

kemasyarakatan keadaan masyarakat, yg berkaitan dgn masyarakat: *penting juga kita mengetahui sejarah dan* ~ *tempat puisi itu dilahirkan*; *satu aliran kesusteraan terlalu memberatkan soal* ~; *ilmu* ~ sosiologi;

pemasyarakatan proses (usaha dsb) memasyarakatkan: *tentu saja* ~ *bahasa di kedua-dua negara ini akan lebih cepat dan berkesan dgn penerbitan kamus ini*.

masyghul Ar **1.** berasa dukacita kerana sesuatu, susah hati, murung, sedih: *setelah baginda mendengar pencuri terlalu ganas itu, maka baginda pun terlalu* ~ ; **2.** kesal hati, sebal hati;

memasyghulkan **1.** menyedihkan (menyusahkan) hati: *sekarang bapa angkat hamba itu menuntut janjinya, itulah yg* ~ *hamba*; **2.** berasa dukacita (sedih dll) bkn sesuatu;

kemasyghulan **1.** kesedihan (kesusahan, kesebalan) hati: *~nya itu diketahui juga oleh bapa angkatnya walaupun ia cuba menyembunyikannya*; **2.** menjadi (menderita) masyghul: *ia masih sangat* ~ .

masyhadat Ar tempat orang berkumpul, perjumpaan, pertemuan.

masyhur = **termasyhur** Ar **1.** tersebar ke serata tempat (berita, peristiwa, dll), ketahuan ke tempat-tempat lain: *maka khabar yg demikian itu pun termasyhurlah ke negeri-negeri yg lain*; **2.** terkenal, ternama: *mereka gemar membaca buku-buku yg mengisahkan kehidupan seseorang yg ~ ; kami nikmati lukisan dan pahatan bermacam-macam seniman yg termasyhur*;

memasyhurkan **1.** sl menyebarkan ke serata tempat (berita, peristiwa, ajaran, dll), menyiarkan: *cuma sahaja dimasyhurkan khabar demikian supaya jangan orang tahu*; **2.** membuat supaya menjadi masyhur (terkenal, ternama): *Persatuan Belia akan mementaskan semula drama yg telah ~ nama kampungnya ke serata tanah air*;

kemasyhuran perihal masyhur (terkenal): *~ Melaka sbg pusat perdagangan utama tersebar luas*;

pemasyhuran perihal memasyhurkan (menyiarkan berita dll): *~ kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu*.

masyrik Ar timur, negeri atau daerah di sebelah timur; *dr ~ sampai ke maghrib* dr timur sampai ke barat (seluruh dunia).

mat I; *~ gian* bp penagih dadah; *~ jenin* orang yg suka berangan-angan; *~ salih* sebutan utk orang Eropah (terutama orang Inggeris).

mat II kata yg menyatakan raja mati atau tidak dapat bergerak lagi (dlm permainan catur);

mengemat mematikan atau mengepung raja hingga tidak bergerak lagi (dlm permainan catur).

mata I **1.** alat utk melihat (pd manusia atau binatang), pancaindera utk melihat: *~nya hitam dan besar sedikit dan selalu pula terkecip-kecip*; *~ hitam* bahagian mata yg berwarna (di tengah-tengah); **2.** bahagian yg tajam pd alat pemotong (kapak, pisau, dll): *pisau itu ~nya tumpul*; *~ cangkul*; *~ kapak*; *~ tenggala (bajak)*; **3.** sesuatu

yg menyerupai mata (spt lubang kecil, lubang jala, dll): ~ *jarum*;

4. sela antara dua senggat (pd kayu pembaris dll), sela antara dua anak tangga: *tempat betara itu dihadap orang tinggi, tiga ~ anak tangganya*;

5. ki yg di tengah-tengah benar, pusat: ~ *bisul*; ~ *alamat* sasaran, tujuan;

6. tunas pd ubi (dahan dll);

7. punca, sumber (air, pencarian, dll);

8. markah yg diperoleh (dlm peperiksaan, pertandingan, dll): *pasangan dr Malaysia telah memenangi set pertama dgn ~ 15-10*;

9. sl jenis-jenis (masakan, hidangan, dll); *beratus-ratus ~ gulai* beratus-ratus jenis gulai;

~ *air* a) tempat air terbit dr tanah; b) bp kekasih; ~ *anggaran* Id bahagian (pos) anggaran belanja; ~ *angin* arah yg ditunjukkan oleh jarum kompas, arah angin datang (timur, barat, dll); ~ *ayam* sj tumbuhan (pokok renek), *Ardisia crispa*; ~ *batin* perasaan dlm hati, rasa hati; ~ *bedil* butir-butir pembidik pd laras bedil; ~ *belanak* pusat pusingan (lingkaran); ~ *benda* barang(-barang) yg berharga (spt permata dll); ~ *besar* sj ikan kap, *Amblyrhynchichthys truncatus*; ~ *bisul* lubang bisul; ~ *buku* buku jari dll; ~ *bulan* bentuk bulan yg tampak samar-samar; ~ *cemperling* mata yg merah warnanya; ~ *cincin* permata (intan, berlian, dll) pd cincin; ~ *dabus* besi tajam yg digunakan dlm permainan dabus; ~ *dacing* garis-garis pd dacing (utk menunjukkan berat); ~ *dagangan* barang-barang dagangan; ~ *duit* tamak akan wang; ~ *duli* buku lali; ~ *gaji* tangga gaji; ~ *gawai* ark pembantu; ~ *gelap* mengamuk kerana marah dll; ~ *gergaji* a) bahagian yg tajam dan bergirigi pd gergaji; b) Kl orang yg bermuka-muka (dgn dua pihak); ~ *gobek* (gunting) bahagian yg tajam pd gobek (gunting); ~ *hati* a) perasaan hati; b) sl wakil peribadi, ganti diri; ~ *hitam* bahagian biji mata yg hitam; ~ *huruf* tiap-tiap satu huruf; ~ *ikan* sj kudis yg bernanah (pd kaki dll); ~

jahitan bahagian yg dijahit; ~ *jala (jaring)* lubang-lubang yg terdapat pd jala (jaring); ~ *jalan* penunjuk jalan, peninjau; ~ *kail* kawat yg bengkok dan tajam hujungnya pd kail; ~ *kain* corak kain; ~ *kakap* lubang kecil pd bahagian bawah perahu (digunakan utk mengeluarkan air); ~ *kaki* tulang yg membonggol pd pergelangan kaki (buku lali); ~ *kasar* mata sahaja (tidak menggunakan teropong dll); ~ *kati (tahil)* garis pd dacing yg menunjukkan kati (tahil); ~ *kayu* a) tanda bekas dahan yg telah dipotong pd kayu (berwarna hitam); b) tidak tahu menulis atau membaca (buta huruf); ~ *kemung* mata yg besar; ~ *keranjang* suka melihat perempuan; ~ *kerek* bulatan pd kerek; ~ *ketam* besi tajam pd ketam kayu; ~ *kotak* orang yg tidak tahu memilih mana yg baik dan mana yg buruk; ~ *kucing* a) sj batu permata; b) sj damar yg jernih warnanya; c) Id sj lampu berwarna pd peti radio; ~ *kumpulan* = ~ *majmuk* mata yg terdiri drpd beberapa mata yg kecil-kecil (spt mata lalat dll); ~ *lembu* = ~ *sapi* = ~ *kerbau* telur yg digoreng bulat-bulat (tidak dipecahkan bahagian merahnya); ~ *lipas* a) mata yg tidak berwarna (pd kuda); b) mata yg suram; ~ *lolong* Kl mata yg tersembul; ~ *luka* lubang atau liang luka; ~ *pajak* ark (Palembang) orang yg wajib membayar cukai; ~ *panah* bahagian hujung anak panah (yg tajam); ~ *pedoman* jarum pedoman yg menunjukkan mata angin, mata angin dlm pedoman; ~ *pelajaran* jenis ilmu pengetahuan yg diajarkan (di sekolah, maktab, dll); ~ *pena* bahagian hujung pena yg digunakan utk menulis; ~ *pencarian (penghidupan)* pekerjaan yg dilakukan utk mendapatkan sara hidup; ~ *perdagangan* barang-barang dagangan; ~ *petai* ki mata yg tidak dapat melihat dgn betul; ~ *petir* pancaran kilat yg diikuti oleh petir; ~ *piano* bahagian piano yg diketuk-ketuk (utk mengeluarkan bunyi); ~ *punai* lubang yg bersegi enam

(pd anyaman dll); ~ *rantai* gelang-gelang pd rantai; ~ *ringkas* mata serangga dsb yg mempunyai satu kanta, mis labah-labah dan kala jengking; ~ *sangkur* benet, bayonet; ~ *surat* Id tulisan (huruf) pd surat; ~ *susu* puting susu; ~ *tangga* sela antara dua anak tangga; ~ *telinga* ganti diri sendiri, wakil peribadi; ~ *tombak* hujung tombak yg tajam; ~ *tunas* tunas yg baru bercambah; (*di*) ~ *umum* (pd) pandangan umum, di khalayak ramai; ~ *wang* a) wang yg bukan wang kertas, wang drpd logam (duit syiling); b) jenis atau unit wang yg digunakan di sesebuah negeri; ~ *wang asing* mata wang negara lain selain mata wang negara itu sendiri, mis mata wang asing bagi Malaysia ialah yen, dolar dan rupiah; *dgn* ~ *kepala sendiri* sendiri (melihat);

~ *memandang apa hendak sakit, bahu memikul timpa perasaan* = *berapa berat* ~ *memandang, berat lagi bahu memikul* prb walau bagaimana susah pun seseorang melihat kesusahan yg ditanggung orang lain, tetapi lebih susah orang yg menanggung kesusahan itu; ~ *tidur bantal berjaga* prb perihal perempuan yg melakukan kejahatan pd waktu suaminya percaya betul padanya; *hilang di* ~, *di hati jangan* prb walaupun telah jauh tetapi janganlah melupakan orang yg ditinggalkan; *jadi* ~ *telinga* prb orang yg jadi harapan dan yg selalu memberi pertolongan; *kerana* ~ *buta, kerana hati mati* prb perihal orang yg menurutkan hawa nafsunya akhirnya mendapat kesusahan; *silap* ~ *pecah kepala* prb kalau kurang hemat dlm sesuatu pekerjaan yg berbahaya tentu akan mendapat kesusahan; *tentang* ~ *dgn* ~ prb berhadapan satu sama lain;

mata-mata **1.** polis; **2.** Id penyuluh;

~ *gelap* polis rahsia, penyuluh; ~ *khas* polis yg mempunyai tugas-tugas tertentu (pd zaman darurat); ~ *tentera* polis tentera (utk mengawasi tata tertib tentera);

memata-matai 1. mengawasi secara diam-diam (gerak-geri seseorang dll), mengamat-amati: *mereka disuruh mencari rahsia kita, ~ segala sikap dan gerak-geri kita*; **2.** Br membaiki siratan jala (jaring dll);

termata-mata jelas sekali kelihatan.

mata II; semata-mata, semata 1. hanya, melulu: *burung itu hidup ~ bergantung pd ikan*; **2.** belaka, sama sekali: *berjaya atau tidak pelajaran yg diajarkan terpulanglah kpd guru ~.*

mata III ukuran berat utk candu.

mata IV sj tumbuhan (pokok dan buahnya), bidara, *Nephelium malaiensa*;

~ *bisul* = ~ *itik* sj tumbuhan (pokok renek), melukut, *Urophyllum globram*; ~ *keli* sj tumbuhan a) (pokok kecil), berbulu, bulu-bulu, membulu, pianggu jantan, *Pellacalyx axillaris*; b) (pokok renek), inai batu, kelam padang, *Vaccinum malaccensis*; ~ *keli jantan* sj tumbuhan (pokok), kemuning jantan hutan, *Canthium confertum*; ~ *keli para* sj tumbuhan (pokok renek), cemperai dadih, jintih putih, perincen, siamit, *Urophyllum streptopodium*; ~ *ketam batu* sj tumbuhan (pokok kecil), geronggong semut, *Ouratea crocea*; ~ *kucing* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), bidara, *Nephelium malaiensa*; ~ *pelanduk* sj tumbuhan, a) (pokok kecil), perah, periah, *Ardisia elliptica*; b) (pokok renek), jarum merah, kepayang air, sepati, *Ixora anguta*; ~ *pelanduk gajah* sj tumbuhan (pokok renek), *Ardicia villosa*; ~ *ulat* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Celastraceae, perupuk, bajan (Sarawak), *Kokoona spp.*.

mata V; ~ *lalat* sj ikan darat, *Aplocheilus panchax*.

mata VI; ~ *mas* sj burung *Bucephala clangula*; ~ *merah* sj burung, kuang bertam, *ophura erythrophthalma*.

matador orang yg tugasnya membunuh lembu dlm sukan perlawanan dgn lembu.

matahari I bintang yg menjadi jasad pusat dlm sistem suria, yg mengeluarkan cahaya dan haba, dan di sekelilingnya bumi dan planet-planet lain beredar;

~ *berayun* = ~ *sudah condong* lebih kurang pukul 4.00 petang; ~

beralih (gelincir, lengser, miring) lebih kurang pukul 5.00 petang;

~ *hidup (naik, terbit)* a) matahari keluar; b) (sebelah) timur; ~

masuk (tenggelam, mati) a) matahari terbenam; b) (sebelah) barat;

sebelah ~ mati sebelah barat;

~ *itu bolehkah ditutup dgn nyiru?* prb sesuatu kebenaran itu tidak dapat disembunyikan; *bagai menentang* ~ prb melawan atau

membantah pendapat orang yg berkuasa itu akhirnya

menyusahkan kita juga; *jangan ditentang ~ condong takut terturut*

jalan tak berintis prb hendaklah selalu ingat supaya jangan

terpedaya oleh sesuatu yg elok dan baik rupanya; *menengadah*

(menentang) ~ prb melawan orang yg mempunyai kuasa besar

(lebih pandai dll); **mentari, matari.**

matahari II; *bunga (kembang)* ~ sj tumbuhan (pokok), *Helianthus annuus*; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), *Otophora imbricata*.

matahari III; *burung* ~ sj burung, *Pericrocotus solaris montanus*.

mataliur ark IB, bp senapang mesin.

matan I Mn ark mata kayu, teras kayu.

matan II Ar **1.** naskhah asli, teks (utk syarahan dll); **2.** nas yg terdapat pd akhir sanad; **3.** erti atau maksud sesuatu ayat.

matan III Kl hampir, dekat.

matang I 1. masak (buah-buahan, makanan), sudah tua (bkn daun tembakau): *buah ini sudah ~* ; **2.** sudah hampir akan pecah (bkn bisul); **3.** ki mempunyai banyak pengalaman, sudah sempurna

(fikirannya), menunjukkan kesempurnaan atau kedewasaan pemikiran: *hujah yg mantap dan ~ tentang sastra Melayu; sungguhpun ia masih muda, tetapi fikirannya sudah ~ ; orang yg benar-benar ~ dlm ilmu ini*; **4.** cukup tempohnya (bkn simpanan tetap dll);

mematangkan **1.** memasak; **2.** menjadikan matang (fikiran dsb): *Aristoteles inilah yg ~ ilmu yg selama ini dianggap mentah*;

kematangan **1.** perihal matang, kemasakan; **2.** terlampau masak; **3.** ki kesempurnaan fikiran (pengalaman dll): *tindak-tanduknya memperlihatkan ~ dlm cara berfikirnya*;

pematangan proses menjadi matang: *~nya mengambil masa kira-kira enam minggu*;

pematang (sesuatu bahan dsb) yg mematangkan: *bahan ~ dimasukkan bersama supaya buah-buahan itu cepat matang*.

matang II □ **permatang.**

matari □ **matahari.**

matematik ilmu hisab.

mateng Jk masak; □ **matang I.**

materai cap, mohor, tera, segel; ~ *tempel* cap yg dilekatkan pd surat tanda pembayaran dll;

memateraikan **1.** mengecap dgn materai; **2.** meneguhkan (janji dll);

termaterai dibubuh materai, tercap.

materi; **mematerikan** melekatkan dgn pateri;

termateri **1.** terlekat; **2.** ki tersemat (dlm hati): *gadis itu mengerti apa yg ~ di dlm sanubari kekasihnya*;

pemateri orang yg memateri.

materi (matéri) **IB** **1.** benda, bahan; **2.** apa yg dijadikan bahan (berfikir, berunding, dll).

material (matériel) barang-barang yg digunakan sbg bahan (utk sesuatu).

materialis (matérialis) **1.** pengikut fahaman materialisme; **2.** orang yg mementingkan kebendaan (wang, harta benda, dll).

materialisme (matérialisme) fahaman atau falsafah yg mempercayai bahawa hanya bendalah yg menyebabkan adanya dan terjadinya segala sesuatu dlm dunia ini.

materialistik (matérialistik) berkaitan dgn kebendaan, bersifat kebendaan, mengutamakan (mementingkan) kebendaan: *bangsa Melayu semakin bersifat ~ sekarang ini, sedangkan sebelum ini, orang Melayu lebih bersifat spiritualistik; kita mesti menolong sesiapa sahaja dgn mengetepikan soal ~ itu sejauh yg mungkin.*

materiil IB bersifat benda, berupa benda.

materniti untuk (kerana, semasa, berkaitan dgn) kehamilan atau kelahiran bayi; *pakaian ~ pakaian (yg dipakai) semasa mengandung.*

materos IB anak kapal, kelasi.

mati I 1. tidak bernyawa lagi, tidak hidup lagi: *biar kita ~ tidak bernisan jangan kita hidup tidak bersopan; timbunan kayu ~ ; 2.* tidak pernah hidup (barang-barang spt batu dll), tidak bernyawa; **3.** ki tidak terus atau tembus (jalan, lubang, dll), tidak dapat diubah lagi (harga, simpulan, dll), tidak mempunyai air lagi (perigi dll), tidak menyala lagi (api, lampu, dll), tidak bergerak atau berjalan lagi (mesin dll), tidak bergiat atau aktif lagi (pergerakan, pertumbuhan, dll), tidak ramai lagi (bandar dll), tidak digunakan lagi (bahasa dll), tidak bertiup lagi (angin dll), tidak dapat berasa lagi (kulit dll), tidak dapat berfikir lagi, buntu (fikiran): *jalan itu ~; fikirannya ~ sebentar; percakapannya ~ di situ sahaja kerana seorang pengemis lain datang mengganggu; pintu itu tertutup ~;*

lampu sudah ~; matahari ~; jam itu ~; parti itu sudah lama ~; negeri yg sudah ~; bahasa Latin ialah bahasa ~; angin sudah ~; kulit ~;

~ air direbus (daging, ikan, dll) sehingga air rebusan hampir kering sebelum digulai: *daging itu belum lagi digulai, baru ~ air saja*; *~ akal* buntu fikiran (tidak dapat menyelesaikan masalah yg dihadapi); *~ andar* a) mati dgn tidak diketahui sebab (atau pembunuhnya); b) mati dgn tidak disembelih (binatang); *~ angin* ki tidak mempunyai kuasa utk berbuat apa-apa (kerana lemah, tidak ada semangat, dll); *~ ayam* bp mati dgn sia-sia; *~ balik hidup* selamat setelah mengalami bahaya besar (atau penyakit yg teruk); *~ terbang* = *~ terbebang* = *~ kekebangan* mati kerana anak yg hendak dilahirkan itu tidak dapat keluar; *~ beranak* mati ketika bersalin; *~ berangan (berangai suri)* kelihatannya mati sebenarnya tidak; *~ berdarah* mati dgn menumpahkan darah (kerana ditikam, ditembak, dll); *~ berugam* KI mati tetapi tidak hancur mayat atau bangkainya; *~ bersebab* mati dgn tidak sepatutnya; *~ katak* mati spt katak dan tidak siapa yg mempedulikannya; *~ kera* sudah dipotong tetapi belum kering lagi (kayu); *~ konyol (percuma)* mati dgn sia-sia; *~ kumlah (hukumullah)* mati dgn sepatutnya (spt terlalu tua dll); *~ kutu(nya)* tidak dapat berbuat apa-apa lagi; *~ lemas* mati kerana tidak dapat bernafas (spt tenggelam dlm air, kena gas, dll); *~ mampus (modar)* bp mati dgn serta-merta; *~ mawai* ark mati menggeletak; *~ pucuk* a) mati pucuknya (tumbuh-tumbuhan); b) tidak ada lagi tenaga kelaki-lakian (lemah zakar); *~ raga* menguatkan hati dgn mengetepikan segala keseronokan; *~ rasa* tidak mempunyai perasaan lagi; *~ salai* mati lemas (kerana asap, panas, dll); *~ seladang* sehidup semati bkn suami isteri (tidak bermadu dll); *~ sesat (syirik)* mati dgn cara yg tidak diredai Allah

(kerana membunuh diri dll); ~ *syahid* mati kerana Allah (kerana membela agama dll);

~ *anak berkalang bapak*, ~ *bapak berkalang anak* prb anak dan bapa mestilah tolong-menolong pd masa kesusahan; ~ *dicatuk katak* prb orang yg berkuasa dikalahkan (dihina) oleh orang yg lemah; ~ *gajah tiada dapat belalainya*, ~ *harimau tiada dapat belangnya* prb tahu membuat pekerjaan yg jahat dan tahu menyembunyikan dan menghilangkannya; ~ *ikan kerana umpan*, ~ *saya kerana budi* prb manusia dapat dipujuk dgn mulut manis atau dgn budi baik; ~ ~ *berdakwat biar hitam* prb tiap-tiap pekerjaan janganlah kepalang (janganlah dikerjakan separuh jalan); ~ *tidak akan menyesal luka tidak akan menyiuik* prb sudah bulat hati utk melakukan sesuatu dan tidak akan mengumpat atau menyesal kemudiannya; *kita semua ~ tetapi kubur masing-masing* prb lain orang lain fikirannya; *spt orang ~, jikalau tiada orang mengangkat bilakan bergerak* prb seseorang yg daif jika tiada orang menolongnya akan susahlah ia;

mati-matian 1. dgn bersungguh-sungguh, dgn segala daya upaya, dgn genap tenaga: *mereka berjuang ~ mempertahankan negara*; **2.** tidak sebenarnya mati, pura-pura mati, mati olok-olok;

bermati-mati, bermati-matian bersungguh-sungguh (mengerjakan sesuatu), dgn segala daya upaya, dgn segenap tenaga: *kakanda bekerja ~ siang dan malam, pergi ke sana ke mari dgn tidak mengendahkan penat dan lelah*; *rakyat sekarang ~ berjuang utk kemerdekaan*;

bermatikan; ~ *diri* pura-pura mati;

mematikan 1. membunuh: *ada kalanya gula juga akan ~ semut*; **2.** ki menjadikan mati (buntu, luput, tidak berubah, tidak bergerak, dll): *pengemis itu ~ langkahnya*; *setelah ~ enjin skuternya, dia*

pun naik ke rumah; 3. (Mat) membahagi sebarang pengatas dan sebarang pembawah dgn angka yg sama;

kematian 1. perihal mati: *orang ke surau dia turut sama, orang ~ dia bersama-sama membuat apa-apa yg patut; angka ~ angka yg menunjukkan jumlah orang yg telah mati; surat ~ surat keterangan bkn orang yg telah meninggal dunia; 2. menderita (menanggung) kerana seseorang atau sesuatu yg mati: janganlah tersangat risaukan ~ anak kita itu; ~ angin tidak ada angin lagi (orang dlm pelayaran);*

kemati-matian 1. kelihatan spt sudah mati: *dia pengsan ~ lakunya; 2. sampai mati (mengerjakan sesuatu), mati-matian;*

pemati sesuatu yg digunakan utk mematikan (jahitan, simpulan, dll), pengukuh, pengetat (skru dll).

mati II; burung ~ anak a) sj burung, burung bibit, *Cacomantis merulinus threnodes*; b) sj burung, burung takuweh, *Penthoceryssonneratii malayanus*; *burung ~ sekawan* sj burung, burung kawan, *Anorrhinus galeritus carinatus*.

MATIC akronim bagi *Malaysian Travel Information Complex* (Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia).

matlamat 1. sasaran, bulan-bulan; **2.** ki sesuatu yg hendak dicapai, tujuan: *kempen akan dijalankan sehingga ~ yg dikehendaki itu berjaya;*

bermatlamat mempunyai matlamat: *tajuk ini ~ melahirkan manusia yg berkualiti;*

bermatlamatkan mempunyai sesuatu sbg matlamat: *banyak juzuk dlm disiplin falsafah al-Farabi ~ politik.*

matra Id ukuran tekanan irama (dlm muzik).

matriark wanita yg menjadi ketua dlm sesuatu keluarga atau suku kaum.

matriarki sistem masyarakat yg kaum wanitanya menjadi ketua keluarga, memegang sebahagian besar kuasa dan memiliki harta.

matriks persekitaran atau konteks tempat sesuatu (masyarakat, organisma, fahaman, dsb) berkembang: *saya sendiri menyarankan sintesis yg bersifat rasional analitis dlm suatu ~ falsafah.*

matrikulasi peringkat persediaan sebelum masuk ke universiti, peringkat prauniversiti: *kursus ~ dan diploma dlm bidang sains; setelah tamat tempoh pengajian ~ di kolej tersebut, beliau melanjutkan pelajarannya ke Australia.*

matrilineal (matrilinéal) (Ant) bkn hubungan kekeluargaan atau keturunan menerusi garis keturunan sebelah perempuan atau sebelah ibu.

matrilokal (Ant) berkaitan dgn, berdasarkan atau mengikut sistem atau pola perkahwinan masyarakat yg menetapkan bahawa pasangan yg berkahwin itu tinggal dgn keluarga isteri: *sistem adat perpatih bercorak ~.*

matron **1.** ketua kpd jururawat di hospital; **2.** wanita yg menjaga hal ehwal kesihatan, makanan dll di sekolah (atau institusi).

matu ukuran berat utk menentukan ketulenan emas; *emas sepuluh ~* emas yg tulen;

mematukan menentukan jenis emas (tua atau muda); □ **mutu IV.**

matur; *paduka* ~ sl gelaran utk isteri raja (dlm cerita-cerita Panji dll).

matyai Pl penyegan, pemalas.

mauduk Ar tajuk (ceramah, perbahasan, dll): *~ ini akan cuba didekati dgn penghuraian erti kaunseling dipandang dr sudut Islam.*

maujud Ar segala yg wujud sama ada yg zahir atau tidak: *segala yg diciptakan Allah adalah ~;*

kemaujudan perihal (keadaan) maujud;

pemaujudan perbuatan (proses) menjadikan sesuatu benar-benar ada: ~ *ini sangat ketara pd kanak-kanak.*

maujudat Ar (jamak bagi maujud) segala yg wujud sama ada yg zahir atau tidak.

maula Ar tuan.

maulai Ar tuan hamba, tuanku.

maulana Ar **1.** tuan kita; **2.** gelaran utk ulama besar: ~ *Abu Bakar.*

maulhayat Ar sl air yg kononnya boleh menyebabkan seseorang hidup selama-lamanya, air hidup.

maulid Ar **1.** hari lahir (terutama hari lahir Nabi Muhammad SAW); **2.** tempat lahir.

Maulidur Rasul Ar ulang tahun hari keputeraan Rasulullah SAW.

Maulud Ar perayaan utk menyambut hari lahir Nabi Muhammad SAW pd 12 Rabiulawal.

maun (binatang) yg memakan tumbuh-tumbuhan, herbivor.

maung I rasa atau bau yg memualkan; *pahit* ~ a) sangat pahit; b) ki berbagai-bagai kesusahan (penderitaan dll).

maung II (Sunda) harimau.

maura sj tumbuhan (pokok), *Mastixia rostrata.*

maut mati (terutama manusia): *tiap-tiap yg bernyawa akan menemui ~;*
membawa ~ menyebabkan mati; *mencari* ~ mencari sebab utk mati; *menemui* ~ menemui ajal (mati);

pemautan Id perihal jumlah orang yg mati, angka kematian.

mauz Ar pisang.

mawa Kd sj ungka, wakwak.

mawaddah Ar kasih sayang, terutamanya dlm hubungan antara suami isteri: *rumah tangga mereka kembali aman dan damai dilimpahi ~ oleh Allah ke atas mereka; keserasian juga penting dlm membina kebahagiaan rumah tangga yg berteraskan ~.*

mawai I ark; *mati* ~ mati terlantar (di tanah).

mawai II; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), calang paya, *Croton griffithii*.

mawar I sj bunga yg harum baunya (bermacam-macam warnanya),
bunga ros; *air* ~ air yg harum baunya (drpd bunga mawar).

mawar II; *tawar*-~ sangat tawar, tawar hambar (tidak bergaram).

mawas I sj monyet besar dlm famili *Pongidae*, termasuk orang hutan dan cimpanzi.

mawas II; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), karaes, mata ayam, rambai ayam rantau, tajam moleh, *Baccaurea brevipes*.

mawat Ar tanah terbiar yg tidak diketahui tuannya.

mawin; *kahwin*-~ berbagai-bagai jenis keramaian perkahwinan.

maya I 1. (sesuatu) yg kelihatannya ada tetapi sebenarnya tidak ada, bayangan, khayalan: *merenggangkan diri drpd ~ keduniaan yg penuh tipu daya*; **2.** berkaitan dgn komputer dan Internet: *universiti ~; litar ~*.

maya II; **bermaya**; *tidak* ~ tidak berdaya, lemah, lesu: *badannya letih lesu seolah-olah tidak ~ lagi*.

maya III sl apa: *akan pekerjaan kami orang memegang negeri ~ peduli tuan?; padang ~ ini?*

mayam I ukuran berat emas (sama dgn 1/16 bungkal).

mayam II; *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Commelina spp.*

maya-maya I Jw sangat jernih, terang.

maya-maya II sj tumbuhan (pokok), *Homalanthus populneus*.

mayang I bunga kelapa (pinang, kabung, dll) yg masih di dlm seludangnya;

~ *mengurai* rambut yg mengurai serta ikal; *ikal* ~ ikal spt mayang (rambut);

~ *menolak seludang* prb orang yg melupakan jasa orang yg memeliharanya sejak kecil; *seludang menolak* ~ prb memegah-megahkan diri.

mayang II; *putu* ~ sj penganan yg dibuat drpd tepung beras dan dikukus.

mayang III sj tumbuhan (pokok), *Palaquium ridleyi*; *buluh* ~ sj buluh.

mayang IV; *perahu* ~ = **pemayang** sj perahu yg digunakan utk menangkap ikan di laut; □ **payang I**.

mayang V sj bintang (sunbulat atau bunyi sunbulat).

mayang VI memayang; menghiris atau memotong daun, bawang dsb tipis-tipis: *dia seronok dapat menolong nenek mengupas dan ~ bawang*; *beberapa orang kaum ibu sedang sibuk ~ daun pandan wangi utk dibuat bunga rampai*;

pemayang alat spt pisau dsb yg digunakan utk memayang sesuatu: ~ *bawang*.

mayapada sl dunia; □ **marcapada**.

mayar □ **kelemayar I**.

mayat tubuh orang yg telah meninggal: *aku lihat ~~~ korban kemalangan itu sudah terlungur di tepi jalan*; *pucat spt ~ pucat lesi*; ~ *hidup* ki a) orang yg terlibat dlm penagihan dadah yg teruk sehingga kurus kering, tidak bermaya dan menimbulkan masalah kpd keluarga, masyarakat dsb, bangkai bernyawa; b) orang yg terlantar sakit sehingga kurus kering tubuhnya; *spt ~ ditegakkan* prb kurus kering serta sangat pucat.

mayau Kd □ **manyau**.

mayones (mayonés) sos pekat berkrim yg mengandungi campuran telur, susu, dan minyak (biasanya dimakan dgn salad).

mayor Id **1**. pangkat dlm tentera (antara kapten dan leftenan kolonel), mejar; **2**. ark gelaran utk ketua orang-orang Cina (lebih tinggi drpd kapten Cina).

mayung sj ikan laut, *Arius spp.*

mayur I; *sayur*-~ berbagai-bagai jenis sayur.

mayur II Tr sangat licin (kepala dll).

mazbah Ar tempat sembelihan.

mazhab Ar **1.** cabang ajaran Islam yg diikuti oleh umat Islam (iaitu mazhab Syafii, Hanafi, Hambali dan Maliki): *di Mesir umpamanya pd masa dahulu, mahkamah Syariah semata-mata berpegang pd ~ Hanafi*; **2.** aliran, fahaman, atau ajaran (spt dlm bidang ekonomi dll): *~ laissez-faire*; **3.** ark ajaran Kristian yg telah menyimpang drpd yg asli: *~ Protestan*;

bermazhab tergolong dlm, berpegang pd atau menganuti mazhab: *rata-rata umat Islam Chechnya beraliran Sunni dan ~ Hanafi*; *dr segi agama, mereka ~ Syafii*;

kemazhaban hal yg berkaitan dgn mazhab: *tersebarnya semangat taklid dan fanatik ~.*

mazi Ar cecair jernih yg keluar drpd alat kelamin, biasanya terdahulu drpd mani, yg tidak mewajibkan seseorang mandi junub.

mazkur; **termazkur** Ar, sl tertulis, termaktub, tercatat.

mazlum Ar sl aniaya: *banyaklah hamba Allah yg terbunuh dgn ~*;

termazlum teraniaya.

mazmumah Ar tercela, terkeji, terhina; *sifat ~ sifat tercela, terkeji, atau terhina.*

mazmur nyanyian utk memuji dan memuliakan Tuhan (drpd Kitab Zabur);

bermazmur menyanyikan mazmur.

mazodinia (Ubat) rasa sakit pd buah dada.

mazurka (Muz) **1.** tarian rancak orang Poland, biasanya ditarikan oleh empat atau lapan pasang penari: *tarian ~*; **2.** muzik yg digubah utk mengiringi tarian **1.** di atas: *muzik ~.*

MB 1. kep Menteri Besar; **2.** Id kep Markas Besar.

MBA *Master of Business Administration* (Sarjana Pentadbiran Perniagaan).

MBAD Id kep Markas Besar Angkatan Darat.

MBAL Id kep Markas Besar Angkatan Laut.

MBAU Id kep Markas Besar Angkatan Udara.

MBK kep Majlis Bersama Kebangsaan.

MBM kep Majlis Belia Malaysia.

MCA kep *Malaysian Chinese Association* (Persatuan Cina Malaysia).

MCS kep *Malayan Civil Service* (Perkhidmatan Awam Malaya).

Md simbol kimia bagi mendelevium.

Md. kep Muhammad.

mea Pl berasa pening.

meatus (méatus) (Bio) saluran semula jadi di dlm tubuh, spt salur dr telinga luar ke gegendang telinga.

mebel (mébel) IB bp perabot rumah (kerusi, meja, dll).

mecak Kl merajuk.

mecis (mécis) Id, bp gores api, mancis api.

medak bau ikan yg busuk (tetapi belum kuat benar); ~ *kahang* bau ikan yg terlalu busuk.

medal (médal) bintang kehormatan, pingat.

medali I IB **1.** tanda jasa (penghargaan, penghormatan) yg dibuat drpd logam, pingat; **2.** pingat yg mempunyai gambar orang soleh (Roman Katolik).

medali II sl sj alat bunyi-bunyian spt seruling.

medalion (médalion) sj barang perhiasan yg berbentuk bulat atau lonjong dll (dibuat drpd emas dll dan digantungkan pd kalung, jam, dll).

medan (médan) **1.** tanah lapang, padang (utk berlumba dll), gelanggang, alun-alun; **2.** kawasan yg terhad (utk sesuatu); **3.** ki arena, kalangan, kawasan, lapangan, lingkungan;

~ *ais* (Geog) kawasan ais terapung yg luas, terutamanya di kawasan kutub; ~ *elektrik* (Fiz) kawasan bercas yg disebabkan pengaruh elektrik sesuatu jasad yg bercas; ~ *graviti* (Fiz) kawasan di sekitar jasad yg mengenakan daya tarikan graviti terhadap jasad lain; ~ (*daya*) *magnet* (Fiz) kawasan sekeliling magnet yg tenaganya masih boleh dikesan; ~ *perang* tempat berlakunya sesuatu peperangan; ~ *politik* lapangan politik; ~ *ramai* orang ramai, khalayak ramai; ~ *selera* tempat terdapatnya banyak gerai yg menjual berbagai-bagai jenis makanan utk orang ramai.

medang sj tumbuhan (pokok), *Pygeum parviflorum*; ~ *asam* sj tumbuhan (pokok renek), pecah periuk jantan, *Ixora pendula*; ~ *kapas* = ~ *tahi ayam* = ~ *tanduk* sj tumbuhan (pokok), belonggok, bunga sebederas, gajus hutan, pokok gajah, *Alseodaphne penducalaris*; ~ *kelawar* a) sj tumbuhan (pokok), sangah, *Elaeocarpus robustas*; b) sj tumbuhan (pokok), *Pygeum polystachyum*; ~ *kunyit* = ~ *tanah* = ~ *tanduk* sj tumbuhan (pokok), *Alseodaphne insigna*; ~ *melukut* sj tumbuhan (pokok), bengkaras, jangkal kayu karkaras, kayu tangkat, otak udang, serapuh bukit, *Norrisia malaccensis*; ~ *pasir* sj tumbuhan (pokok), akar belalang puak, *Pittosporum ferrugineum*; ~ *payung* sj tumbuhan (pokok), *Actephila sesquipedalis*; ~ *serai* sj tumbuhan (pokok), ludai bulan, muta riba, perepat bukit, redan, ridau, tasai, *Mischocarpus lessertianus*.

medarah sj tumbuhan (pokok), *Ptychopyxis costata*.

media (média) alat atau perantara komunikasi (perhubungan), spt radio, televisyen dan akhbar ;

~ *am* pelbagai jenis saluran atau perantara komunikasi, alat atau saluran komunikasi amnya atau keseluruhannya; ~ *cetak* alat atau saluran komunikasi yg berupa bahan cetakan atau terbitan (spt surat khabar, majalah, dll); ~ *elektronik* alat atau saluran komunikasi yg berupa atau yg menggunakan alat-alat elektron moden (spt radio, televisyen, dll); ~ *massa* pelbagai jenis alat komunikasi (spt televisyen, radio, surat khabar, majalah, dsb) yg dapat menyampaikan maklumat (berita dsb) kpd orang ramai dgn cepat (dlm masa yg singkat), sebaran am.

median (médián) **I** garisan yg merentang dr penjuru sesuatu rajah segi tiga ke tengah-tengah garisan yg bertentangan dengannya.

median (médián) **II**; *huruf* ~ IB huruf cetak yg sedang besarnya.

medil ark bedil.

medio (médió) pertengahan: ~ *bulan Januari*.

medit Jw kedekut, kikir, lokek.

meditasi (méditasi) perbuatan duduk dsb dgn menumpukan sepenuh fikiran (emosi) terhadap sesuatu dgn mendalam, perbuatan bertafakur;

bermeditasi melakukan meditasi, bertafakur: *dia ~ dr awal subuh hingga ke pagi*.

medium (médiúm) **1.** orang yg menjadi pengantara antara orang halus dgn manusia biasa, orang yg dimasuki oleh orang halus; **2.** bahan atau sesuatu yg menjadi perantara bagi menghasilkan sesuatu kesan; **3.** (Bio) bahan atau persekitaran yg menjadi tempat tinggal (tumbuh) sesuatu organisma;

bermediumkan menggunakan sesuatu (bahasa) sbg medium: ~ *bahasa*.

medok Jk **1.** berlubang (spt bunga karang, roti, dll); **2.** kotor, berdaki.

medu berasa spt hendak muntah, berasa tidak sedap perut.

meduk □ **medok**.

mega (méga) **I** awan;

~ berangkat awan naik (meningkat); ~ berarak a) awan yg beriring-iring; b) sj ukiran; ~ mendung awan yg mengandung hujan.

mega (méga) **II** terlalu besar atau hebat (bkn proyek, pembangunan, jualan dsb): *antara proyek ~nya ialah Koridor Raya Multimedia; jualan ~.*

mega- (méga) *awalan asing* **1.** sangat besar, mis *megalit*; **2.** sejuta, mis *megawatt* dan *megavolt*.

megabait (mégabait) (Komp) unit data yg bersamaan dgn 1 048 576 bait.

megafon (mégafon) alat berbentuk spt corong yg disambungkan pd mikrofon utk menguatkan dan menghalakan suara atau bunyi.

megah **1.** kelihatan gagah (hebat dll), masyhur, mulia: *namanya tidak se~ dahulu lagi*; **2.** bangga: *aku turut mendengar dan berasa ~ namaku disebut berulang kali*;

bermegah, bermegah-megah berasa megah, membanggakan diri, membesar-besarkan diri: *orang kaya itu ~ dgn kekayaannya*;

memegahkan mendatangkan (menimbulkan) rasa megah, membanggakan: *di hadapan mereka itu berjejal motokar yg serba ~*;

memegah-megahkan membangga-banggakan: *maka tidak perlulah dimegah-megahkan jika apa yg diperolehnya merupakan pemberian orang sahaja*;

kemegahan **1.** sesuatu yg dimegahkan, kemasyhuran, kemuliaan, kebanggaan; **2.** perasaan megah: *~nya sbg pemilik peti televisyen yg tunggal di kampung kami sudah tersinggung*.

megahertz (mégahertz) unit frekuensi radio (satu megahertz bersamaan dgn sejuta kitar per saat).

megak ark angkuh, pongah.

megakitar (mégakitar) (Komp) satu juta pusingan sesaat.

megalit (mégalit) (Sej) batu besar, terutamanya yg didirikan sbg tugu pd zaman dahulu.

megalomania (mégalomania) (Psi) sj penyakit mental yg menyebabkan seseorang berkhayal dan menganggap dirinya begitu penting, kaya, berkuasa dsb.

megan (mégan) sj kuih spt dodol.

megap-megap Jw **1.** mulut ternganga-nganga kerana susah bernafas, mengap-mengap, ngap-ngap; **2.** ki dlm keadaan yg tenat sekali (waktu hendak mati dll).

megar Jw berkembang, mekar.

megat I sl gelaran utk orang bangsawan (bapanya orang kebanyakan tetapi ibunya drpd golongan raja).

megat II ligat, mejam.

megatan (mégatan) **1.** satu juta tan; **2.** kuasa letupan , terutamanya senjata nuklear yg bersamaan dgn kuasa satu juta tan TNT (trinitrotoluena).

megavolt (mégavolt) sejuta volt.

megawatt (mégawatt) sejuta watt.

megrek (megrék) = **megrek-megrek** Jk ark selalu sakit-sakit, merana.

megun; termegun duduk tercengang atau termenung (kerana risau, runsing, dll).

meh-meh (méh-méh) Jw hampir sama (rupa dll), mirip (kpd), seiras.

Mei (méi) bulan kelima dlm tahun Masihi yg mengandungi 31 hari.

Mej. kep Mejar: ~ *Arifin*.

meja (méja) sj perkakas perabot (dibuat drpd papan, batu marmar, dll) yg berkaki, rata permukaannya dan banyak kegunaannya: ~ *makan*; ~ *tulis*;

~ *bulat* perundingan (perbincangan) atau cara berunding yg menggunakan meja bulat utk melambangkan bahawa para pesertanya mempunyai kedudukan atau taraf yg sama; ~ *hijau* Id pengadilan; ~ *kopi* meja kecil dan rendah yg merupakan sebahagian drpd set sofa ruang tamu yg lazimnya digunakan utk meletakkan hidangan; ~ *samping* = ~ *sisi* meja yg lebih kecil drpd meja kopi, yg merupakan sebahagian drpd set sofa ruang tamu; ~ (*sisi*) *katil* meja kecil di sisi katil, biasanya digunakan utk meletakkan telefon atau lampu tidur.

mejam berpusing dgn ligat (gasing dll).

mejan penyakit rejan (berak darah); **mejen**.

mejan (méjan) (batu) nisan.

mejana ark sedang; □ **semejana**.

mejar (méjar) nama pangkat dlm tentera (lebih tinggi drpd kapten dan di bawah leftenan-kolonel); ~ *jeneral* (pangkat) pegawai bertauliah di bawah leftenan jeneral dan di atas brigedier jeneral (dlm angkatan tentera).

mejelis bp cantik, elok, molek; □ **majlis II**.

mejan 1. penyakit rejan; **2.** tidak dapat meletup (meletus); **mejan**.

mejera sl pejera.

mek (mék) Kl, Tr sebutan utk orang perempuan.

mekanik (mékanik) **1.** orang yg mahir membaiki (atau menyenggara) jentera atau mesin; **2.** tidak menggunakan fikiran, secara (gerakan) jentera, mekanis; **3.** = *ilmu* ~ ilmu yg mengkaji segala yg berhubung dgn gerakan benda (gaya yg menyebabkan gerakan dll); ~ *kuantum* teori jirim dan sinaran elektromagnet yg menerangkan fenomena fizik pd peringkat atom dan subatom.

mekanika (mékanika) Id □ **mekanik**.

mekanikal (mékanikal) **1.** berhubung dgn jentera (mesin dll); **2.** secara atau spt gerakan mesin atau jentera (tidak menggunakan fikiran).

mekanis (mékanis) (melakukan sesuatu dll) spt mesin, tidak menggunakan fikiran.

mekanisasi (mékanisasi) penggunaan alat jentera dan mesin utk menggantikan tenaga manusia atau binatang dlm pelaksanaan sesuatu.

mekanisme (mékanisme) **1.** bahagian dlm sesuatu jentera yg menggerakkannya; **2.** susunan atau jalinan bahagian yg bekerjasama spt bahagian-bahagian dlm jentera; **3.** alat yg terdiri drpd mesin: *komputer secara langsung menjadi ~ terpenting bagi membantu kerja-kerja percetakan*; **4.** cara (sistem, saluran, dsb) utk memungkinkan atau membuka jalan kpd pelaksanaan dsb: *Usul al-Fiqh (pengasasan perundangan Islam) menyediakan ~ yg diperlukan utk mengubah, menunda, menambah atau menguatkuasakan undang-undang.*

mekanistik (mékanistik) bkn cara menjelaskan sesuatu spt kejadian semula jadi yg diandaikan sama spt perlakuan sesuatu mesin yg kompleks.

mekap (mékap) **1.** alat solek (bedak, gincu, dsb); **2.** perbuatan menghias diri dgn alat-alat solek; **3.** penyusunan atau susunan bahan teks dan ilustrasi menurut halaman cetakan yg sebenar (dlm kerja penerbitan buku, majalah, dsb);

bermekap bersolek: *anak-anak yg masih kecil janganlah diajar ~;*

memekapkan mengenakan alat solek pd muka: *apabila Mas datang ke studio dan dimekapkan, kami pasti dia akan kelihatan cantik.*

mekar = **memekar** **1.** mulai berkembang (bunga dll), mengurai (mayang dll): *bunga yg sedang ~;* **2.** berkembang dan menjadi banyak

(adunan dll), naik, kekar; **3.** ki terbit atau timbul dan berkembang (perasaan kasih sayang dsb);

bermekaran ki berkembang: *setangkai cinta masih ~ dititis embun keyakinan;*

memekarkan menjadikan mekar, mengembangkan;

kemekaran perihal atau keadaan mekar: *kami kagum melihat ~ bunga-bunga di pekarangan rumahnya itu;*

pemekaran proses memekarkan sesuatu, pengembangan.

mekatronik (mékatronik) teknologi yg menggabungkan ilmu kejuruteraan mekanikal dgn elektronik utk membangunkan teknik pembuatan baru.

mekik □ **pekik**.

mekis □ **mengkis**.

mekmulung (mékmulung) Pn sj tarian (hampir sama dgn makyung atau menora).

mekonium (mékonium) (Ubat) tahi berlendir berwarna hitam kehijau-hijauan yg pertama kali keluar dr dubur bayi yg baru lahir.

mel (mél) I surat, bungkusan, dsb yg dihantar melalui pejabat pos;

kapal (kereta api) ~ kapal (kereta api) yg membawa surat; ~ elektronik e-mel; ~ suara (Komp) sistem elektronik utk menghantar dan menyimpan mesej telefon yg dapat didengar oleh penerimanya pd bila-bila masa yg sesuai kemudiannya; ~ udara a) sistem penghantaran surat, bungkusan dsb dgn kapal terbang; b) surat, bungkusan dsb yg dihantar dgn kapal terbang (biasanya ke destinasi yg jauh dan lebih cepat sampai).

mel (mél) II IB, bp memberitahu (nama dll), menyebutkan (nama dll).

melabuai sj tumbuhan (pokok besar), *Dyera spp.*

melada sj tumbuhan (pokok), *Capparis micracantha*; ~ pahit sj tumbuhan (pokok), embalau, lada pahit, *Brucea amarissima*.

meladi Kd berjalan ke sana ke mari (terutama gadis-gadis), merayau: *dia suka ~*.

melah = **melahan** bp malah, malahan.

melahu Pl berjalan dgn tidak ada tujuan.

melaka I sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Emblica officinalis*; buah ~
a) buah drpd pokok tersebut; b) sj kuih, onde-onde.

Melaka II negeri di barat daya Semenanjung, keluasan 1650 km² , bandar Melaka sbg ibu negeri.

melak-melak Jk secara terang-terangan (ditipu dll).

melaman sj tumbuhan (pokok), bunan hutan, ketiak, *Acronychia porteri*.

melambang, melambing sl sj perahu yg dibuat drpd batang kayu.

melampai; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), *Engelhardtia mudiflora*.

Melanau suku kaum peribumi di Sarawak yg tinggal di pesisiran pantai, muara dan anak Sungai Rejang, terutamanya di daerah Matu dan Daro, Dalat, Mukah, Bintulu dan Miri.

melanin (mélanin) (Bio) sj pigmen yg terdapat pd haiwan dan tumbuhan, yg menentukan warna kulit, mata, dan bulu (pd haiwan), dan ketiadaan pigmen ini pd haiwan menyebabkannya menjadi balar.

melanisme (Bio) keadaan kulit, rambut dll yg berwarna hitam atau gelap lebih drpd biasa, yg berpunca drpd kehadiran melanin yg berlebihan.

melankoli (mélankoli) keadaan murung, hiba;

kemelankolian keadaan melankoli.

melankolia (mélankolia) (Ubat) penyakit mental yg ditandai oleh keadaan murung atau rasa sedih yg amat sangat dan berpanjangan.

melankolik, melankolis 1. berasa atau memperlihatkan perasaan sedih atau dukacita (bkn perasaan, wajah seseorang, dsb), dukacita, sugul: *Kassim cuba melepaskan dirinya drpd perasaan yg hiba, sayu atau ~; memang ada nada yg ~ dan putus asa dlm stanza*

akhir; **2.** bernada sedih (hiba) dan mengharukan (bkn cerita, sajak, dsb): *dr segi nadanya, sajak-sajak awal ini amat romantik dan condong ke arah ~.*

melantai sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, belantai, melanti, kawang (Sabah), engkabang (Sarawak), *Shorea spp.*

melapari sj tumbuhan (pokok), mempari, *Pongamia pinnata*.

melar dapat berkembang (menjadi panjang atau besar), bengkar, mulur.

melarat I **1.** miskin, sengsara; **2.** rugi: *aku tinggal ~ spt ini, jadi orang pesawah, pasak kampung;*

kemelaratan perihal melarat (miskin), kemiskinan, kesengsaraan: *jika hendak tahu lagi perihal kemiskinan dan ~ bangsa kita, hendaklah anakku melawat serata Semenanjung.*

melarat II □ **larat I.**

melati bunga melur, *Jasminum sambac (pubescens)*; ~ *tongkeng* sj tumbuhan (pokok memanjat), bunga tongkeng, *Telosma cordata*.

melaun □ **malaun.**

melawis sl tumbuhan (pokok), ramin, *Gonystylus bancanus*.

Melayu nama suatu bangsa dan bahasa (terutama di Semenanjung Malaysia); *masuk* ~ a) mengikut cara hidup orang Melayu; b) masuk Islam;

memelayukan menterjemahkan ke dlm bahasa Melayu, menjadikan bersifat atau menunjukkan ciri-ciri bahasa Melayu: ~ *istilah ilmiah;*

kemelayuan ciri atau sifat yg memperlihatkan keperibadian orang Melayu: *suasana kampung yg masih terikat erat dgn tradisi dan adat-istiadat ~nya; golongan yg mahu unsur ~ diutamakan;*

pemelayuan perihal (perbuatan dsb) memelayukan: ~ *istilah.*

Melayu-Proto penduduk asli Semenanjung Malaysia, yg tinggal berjiran dgn orang Melayu di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka

dan Johor serta mempunyai banyak persamaan dgn orang Melayu dr segi adat resam dan kebudayaan.

melek (melék) **1.** bp tidak tidur, jaga; **2.** bp terbuka matanya, dapat melihat, celik;

~ *huruf* bp tahu membaca dan menulis, celik huruf; *belum* ~ bp belum tahu, belum mengerti, belum insaf.

melela (meléla) **I;** *besi* ~ besi yg tidak berpamur; *pasir* ~ pasir yg mengandung zat besi (warnanya kebiru-biruan).

melela (meléla) **II;** *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpit), *Brachiaria mutica*.

melempem Jw **1.** belum kering benar, lembap; **2.** ki tidak berbunyi (mercun dll), kendur, lembik.

meleng (méléng) Kl, Tr malu, segan.

melenggak Kd berehat.

melengken (meléngken) Id, bp melainkan.

meleset (melését) **I** tidak kena pd tempatnya, tidak tepat, salah: *dia telah membuat ramalan yg ~.*

meleset (melését) **II** serba susah (dlm perniagaan dll), mundur; *zaman* ~ zaman serba susah (perdagangan dll);

kemelesetan keadaan meleset, kemunduran (perdagangan dll).

melia Pl melarat, merebak (kudis dll).

melian **1.** sj tumbuhan (pokok), *Polyalthia hypoleuca*; **2.** = *rumpit* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ketuau, akar tuau, daun patuk tuau, lana, *Thunbergia laurifolia*.

melidah **1.** sj tumbuhan (pokok), antan, kelat kerantan, kenanga hutan, pacal kuning, pokok kuning, *Alangium ebenaceum*; **2.** sj tumbuhan (pokok), kahwa-kahwa, medang biawak, pian, salang rasa, tinjau laut, *Alangium uniloculare*.

melik (mélik) Jw hasrat (ingin) utk memiliki sesuatu, loba, tamak;

kemelikan keinginan utk memiliki sesuatu, kelobaan.

melima sj tumbuhan (pokok), *Gelonium glomerulatum*.

meling kurang hati-hati, kurang hemat, lalai.

melinjo □ **belinjo**.

melioner (melionér) Id □ **milyuner**.

melirang □ **belerang**.

melit Id sangat suka mengetahui segala-galanya (hingga membosankan), ingin tahu.

meliwis Jw belibis.

melodi (mélodi) **1.** susunan seni kata berirama; **2.** lagu, irama lagu;

memelodikan menggubah, menyampaikan atau mempersembahkan (lirik, puisi dsb) dlm bentuk melodi: *dia ~ puisi karya penyair-penyair terkenal tanah air*.

melodrama (mélodrama) pementasan atau persembahan drama (sandiwara dll) yg banyak menunjukkan ciri atau episod penuh sensasi (sentimental, romantik, merawan hati, dsb).

melodramatik (mélodramatik) bersifat (bercorak) melodrama, mengandungi banyak ciri melodrama: *bentuk tragedi komedi dan drama tradisional yg sifatnya ~ turut berkembang dgn pesatnya*.

melongo Jw tercengang (kehairanan), terlopong.

melor (mélor) Id sj kereta beroda dua.

meluh I Kd membajak sawah (pd peringkat permulaan), beluh.

meluh II Tr wap.

melukut I pecahan beras yg halus-halus, hujung beras, menir; *spt ~ di tepi gantang* prb a) tidak dapat menolong sebab dirinya sendiri susah; b) seseorang yg dipandang ringan oleh orang lain sebab tiada berkuasa.

melukut II 1. sj tumbuhan (pokok renek), cemperai dadis, lelimbu, lemak beruk, lemputih paya, mata itik, mata kerling, merembung

jantan, pokok kekang, pulai, *Urophyllum glabrum*; **2.** = akar ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), *Trichosporum lampongum*.

melulu 1. membabi buta, terburu-buru, tidak berkira-kira terlebih dahulu: *seorang pengkritik tidak harus membuat ulasan dgn ~*; **2.** Id semata-mata, hanya, tiada lain hanya.

melunak sj tumbuhan (pokok) dlm famili Tiliaceae, balung ayam, janda baik, kebal ayam, kepayang hantu, pinang baik, takalis (Sabah), baru (Sarawak), *Pentace spp.*

melupas sj tumbuhan (pokok), pasak beras-beras, pasak linga, pasak merah, *Aglaia glabriflora*.

melur sj tumbuhan (pokok renek dan bunga), melati, *Jasminum sambac*; ~ hutan a) sj tumbuhan (pokok renek), pekan hutan, *Jasminum bifarium*; akar ~ hutan sj tumbuhan (pokok menjalar), akar elok, gelwat temengah, *Pseuderanthemum teysmanni*.

mem (mém) bp sebutan utk perempuan (Eropah) yg sudah berkahwin, nyonya.

memali 1. sj tumbuhan (pokok renek), mali berduri, toi, *Leea angulata*; **2.** = ~ hutan sj tumbuhan (pokok renek), *Ixora pendula*.

memang (mémang) sesungguhnya, sebenarnya, sewajarnya, sudah sepatutnya begitu: ~ benar perkataan engkau itu; Zahar ~ selalu datang ke rumahnya; dihitung dr segi agama suaminya ~ berhak beristeri lagi;

sememangnya 1. sebenarnya, sesungguhnya: kami ~ berharap utk sehidup semati; **2.** sepatutnya, sewajarnya: ia ~ harus bersuka ria dlm keadaan serupa itu.

memar rosak atau hancur di dlm tetapi tidak kelihatan dr luar (buah dll): jangan dilambung-lambung buah mempelam itu, nanti ~; luka ~ luka di sebelah dlm (tidak pd kulit);

mememarkan menyebabkan atau membuat supaya memar: *daging yg dihiris dimemarkan dgn diketuk menggunakan anak lesung batu kemudian digoreng hingga sedikit garing.*

memaya maya-maya (sj tumbuhan).

membacang □ **embacang**.

membal Jk menganjal.

membangun sj tumbuhan (herba), hati-hati, *Coleus amboinicus*.

membatu 1. sj tumbuhan (pokok), batu, *Chaetocarpus castaneicarpus*;
2. sj tumbuhan (pokok), damar laut, sengkawang, tengkawang (ijuk), *Isoptera sumatrana*; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), akit sulai, kelat lapis, mengkirai, tetimah (rengga), *Ilex cymosa*.

member (mémber) bp rakan, kawan baik: *dgn ~ inilah Ishak berbual panjang.*

memberang □ **berang-berang**.

membang sj ikan laut, *Setipinna spp.*

membran (mémbran) (Bio) selaput nipis yg berliang (sama ada semula jadi atau tiruan); ~ *mukus* lapisan tisu yg mengandungi kelenjar mukus, yg melapik saluran atau rongga tertentu dlm tubuh, mis rahim dan salur makanan, mukosa;

bermembran mempunyai membran.

membulan sj tumbuhan, bulan-bulan.

membulu bulu-bulu.

membuluh sj tumbuhan (pokok), kekabu hutan, kekabu jawa, *Zanthoxylum myriacanthum*.

memedi Jw ark hantu.

memek (mémék) **I**; **bermemek**, **bermemek-memek** merengek, merepek.

memek (mémék) **II** kerut (muka orang hendak menangis);

mememekkan mengerutkan (muka) kerana sesuatu perasaan spt sedih, geli dsb: *ada yg ketawa dan ada yg ~ muka geli-geleman.*

memek (mémék) III Kl payar, tawar (makanan).

memerang bp berang-berang, anjing air.

memo (mémó) singkatan bagi memorandum.

memoir (mémóir) **1.** biografi (karya) yg berasaskan kenang-kenangan seseorang (tentang pengalaman dan peristiwa dlm hidupnya dsb): *kebelakangan ini, beberapa buah buku kenang-kenangan wartawan sasterawan veteran, dlm bentuk ~ telah juga diterbitkan.*

memorabilia (mémorabilia) sesuatu yg sangat menarik dan patut dikenang, terutamanya berhubung dgn orang atau peristiwa yg masyhur.

memorandum (mémorandum) **1.** dokumen yg merakamkan syarat-syarat perjanjian, pembentukan syarikat, dsb; ~ *persefahaman* suatu bentuk perjanjian bertulis antara dua pihak (organisasi, institusi, negara dsb) utk melaksanakan sesuatu projek (penyelidikan dsb) usaha sama yg tidak melibatkan implikasi undang-undang; **2.** nota ringkas tentang sesuatu perkara edaran dalaman (mis dlm pejabat).

memori (mémóri) **1.** kenangan, ingatan; **2.** bp bahagian di dlm komputer yg menyimpan maklumat.

memorial (mémorial) **1.** sesuatu yg dibina (didirikan dsb) utk memperingati seseorang tokoh atau sesuatu peristiwa bersejarah: ~ *Tun Abdul Razak; ~ P. Ramlee; ~ Pengisytiharan Kemerdekaan;* **2.** bahagian di dlm komputer yg menyimpan maklumat.

mempadang sj tumbuhan (pokok renek), kelampadang, *Vaccinium malaccense*.

mempan **1.** dapat dilukai (oleh senjata dll), lut, boleh terbakar (oleh api): *walaupun beberapa kali ditikam, tetapi tiada juga ~;* **2.** manjur, mujarab, mustajab (ubat); **3.** ki dapat menerima nasihat (ajaran dll): *Murad tidak ~ disindir.*

mempari 1. sj tumbuhan (pokok), jadar, *Milettia hemsleyana*; **2.** sj tumbuhan (pokok) dlm famili Leguminosae, malapari, pari-pari, marabahai (Sabah), *Pongamia pinnata*.

mempasir sj ikan laut, *Scolopsis spp.*

mempat sj tumbuhan (pokok), derum, *Cratoxylon formosum*.

mempaung sj tumbuhan (pokok), rambai hutan, *Baccaurea lanceolata*.

mempayang; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar lakum embun, iang-iang gajah, *Vitis furcata*.

mempedal □ **hempedal I.**

mempelai pengantin; ~ *laki-laki* pengantin laki-laki; *naik* ~ menjadi mempelai.

mempelam sj tumbuhan (pokok dan buahnya), mangga, *Mangifera indica*; ~ *babi* sj tumbuhan (pokok), *Parinarium oblongifolium*.

mempelas sj tumbuhan (pokok yg daunnya digunakan sbg pelicin), a) *Tetracera scandens*; b) *Tetracera indica*; **empelas.**

mempelasari = ~ *hari* sj tumbuhan (pokok), akar bagan, empelas (mempelas) hari, pulanari, *Alyxia lucida*; **pulasari.**

mempelu; ~ *tanah* sj tumbuhan (pokok), lempedu tanah, sebongkoh bukit, *Nauclea junghuhnii*.

mempenai sj tumbuhan (pokok renek), kayu suarah, kelereh, *Homonoia riparia*; **cempenai.**

mempening 1. sj tumbuhan (pokok), pening-pening, *Quercus argentata*; **2.** = ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok), *Quercus curtisii*; **3.** = ~ *bangka* sj tumbuhan (pokok), berangan padi, *Quercus spicata*.

memper (mémper) Jw serupa dgn, menyerupai, mirip.

mempes (mémprés) Kl berpusing.

mempinis sj ikan laut, *Engraulis spp.*

mempipit sj tumbuhan (pokok renek), *Psychotria griffithii*.

mempisang sj tumbuhan (pokok kecil), merpadi, *Polyalthia canangioides*; ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok memanjat), pisang-pisang hitam, *Oxymitra biglandulosa*.

mempitis sj tumbuhan (pokok), *Cratoxylon formosum*.

mempoyan □ **empoyan II**.

mempulur I; ~ *rimba* sj tumbuhan (pokok kecil), bungkal, randa hutan, *Randia anisophylla*; **empulur II**.

mempulur II isi atau bahagian yg lembut dlm batang tumbuh-tumbuhan jenis palma, spt kelapa, pinang, dll; **empulur I**.

mempunai sj tumbuhan (pokok renek), *Xylopi caudata*.

mempurung 1. sj ikan laut, *Lycothrissa crocodilus*; **2**. sj ikan laut, *Setipinna taty*.

memputeri sj tumbuhan (pokok), berenam, *Glochidion sericeum*.

memutah sj tumbuhan (pokok yg akarnya dibuat ubat), *Excoecaria agallocha*.

mena; **semena-mena**; *tidak* ~ (dgn) tidak ada sebab yg berpatutan, sewenang-wenang, tidak tentu fasal: *diceraikannya isteri itu dgn tidak* ~.

menaga sj tumbuhan (pokok yg kulit dan daunnya boleh dibuat ubat), *Calophyllum inophyllum*.

menak; **kemenakan** anak saudara; □ **kemanakan**.

menak (ménak) (Sunda) orang yg terhormat (keturunan orang mulia), bangsawan.

menalu □ **bendalu**.

menaluk Kl meraung, bertempik.

menampun bp minta ampun.

menang 1. berjaya (dlm perlawanan, peperangan, dll), berhasil mengalahkan (musuh, saingan), mendapat kejayaan: *barang siapa ~ dialah menjadi raja*; **2**. keuntungan atau ganjaran kerana berjaya

mengalahkan musuh dll: *berapa ~ orang itu berjudi?* **3.** lulus (dlm peperiksaan), beroleh hadiah (dlm pertandingan, peraduan, dll); **4.** tidak kalah (kurang) drpd, lebih drpd;

alah ~ tak tahu, bersorak boleh prb tidak masuk campur dlm perlawanan (perbantahan dll); *alah sabung (main), ~ sorak* prb biarpun kalah, cakap besar juga;

memenangi 1. beroleh menang (dlm perlawanan dll), berhasil atau berjaya mengalahkan: *kanak-kanak yg lemah tidak akan berpeluang ~ permainan itu;* **2.** mendapat kejayaan atau hadiah dlm pertandingan (peraduan dll): *novel karangannya telah ~ Peraduan Novel Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1962;* **3.** ki mendapat, memperoleh, memiliki: *Badrul yakin bahawa dia dapat ~ hati perempuan itu;*

memenangkan 1. menyebabkan (menjadikan) menang: *barang diberi Allah umur panjang serta dimenangkan Allah drpd segala musuhnya;* **2.** menganggap satu pihak sahaja yg menang, memihak (menyebelah) kpd: *mereka bertiga sahajalah yg selalunya ~ Masinah;*

kemenangan 1. perihal menang: *satu keramaian yg besar telah diadakan di kota itu utk merayakan ~ tersebut; ~ percuma* kemenangan yg diperoleh tanpa bertanding (kerana pihak lawan gagal atau enggan memenuhi peraturan pertandingan dll); **2.** kelebihan, keunggulan: *~ moral;*

pemenang orang (pihak dll) yg menang.

menangin sj ikan laut, *Elops machnata.*

menantu isteri atau suami kpd anak sendiri: *Mak Tijah keberatan utk menerima Karim sbg ~nya;*

bermenantu mempunyai menantu: *tidak lama lagi dia akan ~ pula;*

bermenantikan mempunyai seseorang sbg menantu, mengambil akan menantu: *kalau kita ~ anak orang senang, banyak olahnyanya dan cerewetnya.*

menara bangunan atau bahagian bangunan yg tinggi utk sesuatu kegunaan tertentu, bahagian bangunan (spt masjid, gereja, dll) yg dibina jauh lebih tinggi drpd bahagian induknya;
~ *api* rumah api utk panduan kapal; ~ *gading* a) keadaan atau kedudukan yg tersisih drpd keadaan hidup sehari-hari (masalah sebenar yg dihadapi dsb); b) pusat pengajian tinggi (spt universiti); ~ *kawalan* bangunan berbentuk menara di lapangan terbang tempat mengawal lalu lintas udara, terutamanya perlepasan dan pendaratan kapal terbang.

menarung sj tumbuhan (pokok renek), mendarung, *Trema orientalis*; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok), bebelak, kesumba bukit, *Trichospermum kurzii*.

menatu tukang dobi; □ **benatu**.

mencak 1. kepandaian menggunakan senjata utk mempertahankan diri, pencak, silat; 2. = **bermencak** bermain pencak, bersilat;

mencak-mencak bp mengamuk, marah benar; □ **pencak**.

mencaluk □ **cencaluk**.

mencanegara □ **mancanegara**.

mencelat Jw terpelanting, terpentak.

menceng (méncéng) Jk serong.

mencih-mencih SI tinggal sedikit, hampir habis.

mencil bp terasing, terpercil; □ **pencil**.

mencing penuh tepu, tegang (urat, tali, dll).

mencit 1. Mn tikus; 2. sj haiwan spt tikus, tetapi lebih kecil; ~ *rumah*, *Mus musculus*; ~ *buluh* *Chiropochymys gliroides*;

~ *seekor penggada seratus* prb berhadapan dgn musuh yg banyak;
benci akan ~ rengkiang disunu prb sebab takut akan bahaya yg
kecil dibuang keuntungan yg besar; **mancit**.

menclok (ménclok) Jk hinggap, mencok.

mencok (méncok) Jw hinggap, bertenggek.

mencong (méncong) Jk serong, tidak tepat.

mencrok (méncrok) □ **menclok**.

mencupu sj tumbuhan (pokok dan buahnya), kecupu, *Garcinia prainiana*.

menda bp benda, apa benda.

mendak 1. lumpur (pasir, habuk, dll) yg tenggelam ke dasar sungai dll, pepejal yg mendap ke bawah (dlm air dll): *sungai itu membawa ~ dgn banyaknya*; **2.** turun ke bawah dan bertimbun di dasar (spt pasir dll), mendap: *butir-butir ini ~ berlapis-lapis*; *batu ~ batu* yg terjadi drpd lapisan atau timbunan mendak;

memendakkan membiarkan memendap (dlm air dll);

mendakan pepejal yg tidak larut yg terhasil dlm sesuatu tindak balas kimia (yg berlangsung dlm larutan);

pemendakan proses menjadi mendak.

mendali □ **medali I**.

mendalu □ **bendalu**.

mendam Jw mabuk; ~ *berahi* lupa daratan (kerana bercinta).

mendap turun ke bawah dan bertimbun di dasar, mendak;

mendapan segala benda (spt lumpur, pasir, dll) yg mendap;

pemendapan proses dsb mendap; □ **endap**.

mendapa balai atau ruang (tempat bertemu dll), pendapa.

mendapur sj tumbuhan (pokok), geronggang semut, *Ouratea crocea*.

mendarah; ~ *daun besar* sj tumbuhan (pokok), acu, *Knema hookeriana*.

mendaruh sj tumbuhan (pokok) dlm famili Euphorbiaceae, medang asam, medang kelipat, rambai hutan, *Ptychopyxis spp.*

mendarung sj tumbuhan, menarung; ~ akar sj tumbuhan (pokok renek), akar kani, akar meranang, akar toko takal, ara lumut, gurah peria(t), pauh-pauh pasir, parengat keting, tuku-taka, *Croton caudatum*.

mendat Kl duduk dgn merapatkan kepala ke lantai.

mendeleka (mendeléka) sj tumbuhan (pokok dan buah yg spt sukun), *Artocarpus rigida*.

mendelevium (mendélévium) (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

mendelikai tembikai, semangka.

mendera; *manis* ~ manis dan bersopan-santun (perempuan), lemah-longlai.

mendera (mendéra) I pohon beringin.

mendera (mendéra) II □ **bendera**.

menderung; ~ *darat* sj tumbuhan (rumpai), *Cyperus malaccensis*.

mendiang yg telah meninggal (digunakan utk orang bukan Islam): ~ *Tun Tan Cheng Loke ialah pengasas MCA*.

mendikai sj tumbuhan, tembikai, semangka.

mending 1. = **mendingan** lebih baik (perniagaan, penghasilan negeri, dll), lumayan, agak baik (penyakit), mulai sembuh: *kalau jadi ~ juga itu, setengah juta bersih buat kita*; **2.** mujur, nasib baik, untung: ~ *dia tidak tergelincir*; **3.** lebih elok kalau: *mengapa beli rokok, ~ beli gado-gado?*

mendonan Jk orang yg datang dr negeri (tempat) lain, orang asing (dagang).

mendong (méndong) Jw sj tumbuhan (rumpai yg batangnya boleh dibuat tikar), *Fimbristylis globulosa*.

mendora I □ **menora**.

mendora II Kl sj alat penangkap ikan (spt tuar tetapi lebih kecil).

mendreng (méndréng) IB menjual barang dgn bayaran beransur-ansur;

mendrengan; *barang* ~ barang yg dibeli dgn bayaran beransur.

Mendriq (méndriq) penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Negrito, yg tinggal di kawasan pedalaman Kelantan.

menu sj sandiwara yg berasal dr Pontianak.

mendung I **1.** awan yg mengandung hujan: ~ *di hulu tanda akan hujan, terang di langit tanda akan panas*; **2.** redup (kerana dilindungi awan): *hari* ~; **3.** ki muram (air muka), suram: ~ *kelihatan air mukanya*.

mendung II; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), *Elaeocarpus parvifolius*.

menejar (menéjar) bp orang yg mengurus sesuatu perusahaan (perniagaan dll), pengurus.

menengar sl mendengar.

menereluh tidur.

menerung □ **menderung**.

mengabung sj tumbuhan, berambung, medang gambung, *Veronica javanica*.

mengah; **termengah-mengah** tercungap-cungap, terengah-engah.

mengaju Kl merajuk.

mengangah Jw berbara, berapi-api.

mengap Jw ternganga, terbuka (mulut);

mengap-mengap tercungap-cungap; **hungap**.

mengapa sebab apa, apa fasal; □ **apa**.

mengapur Kl mengigau.

mengelak Kl mengejar, memburu, menghambat.

mengelang Kl berselang(-seli).

mengendeh (mengéndéh) Pl berisi (penuh).

mengenyeh (mengényéh) Pl bergurau.

mengerawan sj tumbuhan (pokok); □ **merawan II**.

mengerib bp maghrib.

mengerna sl **1.** berbagai-bagai warna, indah berseri; **2.** kekasih.

mengga Jk; **semengga, semengga-mengga** hanya itu sahaja, itulah sahaja; *tidak* ~ tiada kurang satu apa pun.

menggambung sj tumbuhan (pokok) dlm famili Compositae, medang lempung, medang gambung, tampung-tampung (Sabah), *Vernonia arborea*.

menggading = ~ *besar* sj tumbuhan (pokok), kayu hantu, *Meliosma nitida*.

menggala sl mendatangkan kebaikan, berbahagia.

menggerib bp maghrib.

mengguk Kl terkulai ke bawah (kepala).

menggusta ark buah manggis.

mengi □ **mengih**.

mengiang Mn = *ular* ~ pelangi.

mengih sesak nafas, penyakit bengek.

mengirat ark mati, hilang; **mairat**.

mengkal I 1. belum masak benar (buah-buahan), setengah masak: *dia membeli setandan pisang* ~; **2.** berasa keras dlm perut; **3.** ki marah (dlm hati): *mukanya kelihatan* ~ *bagai bulan dilindungi awan*; ~ *hati sakit hati, marah dlm hati, mendongkol: mendengar perkataan itu agak* ~ *hatiku rasanya*;

bermengkal; ~ *hati* berasa kesal dlm hati, berasa marah dlm hati, mendongkol;

memengkalkan; ~ *hati* menyebabkan mengkal (mendongkol) dlm hati;

kemengkalan perihal mengkal (dlm hati), kejengkelan, kesebalan.

mengkal II 1. sj tumbuhan (pokok), mempelu tanah, *Nauclea junghuhnii*; **2.** sj tumbuhan (pokok), a) mempayan, *Nauclea maingayi*; b) empoyan, mempoyan, *Anthocephalus cadamba*.

mengkala Kd apabila, apakala.

mengkali bp barangkali.

mengkam Kd senak perut.

mengkas sj tumbuhan (anggerik), akar penubal, akar telinah kerbau bukit, *Vanilla griffithii*.

mengkar □ mekar.

mengkara nama kumpulan bintang.

mengkaras sj tumbuhan (pokok), *Aquilaria malaccensis*.

mengkaring; *ikan* ~ sj ikan pelaga.

mengkarung bengkarung.

mengkawan □ bengkawan.

mengkel □ □ mengkal I.

mengkelan; **termengkelan 1.** tersangkut atau tersekat di kerongkong (barang yg ditelan): *dia ~ dan tersedak beberapa kali*; **2.** ki berasa sebal hati.

mengkema Pr kamu semua.

mengkerang sj tumbuhan (pokok memanjat), *Urceola brachysepala*.

mengkerat, mengkeret Jk mengecut, menjadi kecil (pendek).

mengkerung sj ikan laut, *Theraponidae*.

mengking; *cengking*~ menjerit-jerit atau berteriak-teriak (kerana takut dll).

mengkirai sj tumbuhan (pokok), membatu merah, *Ilex cymosa*; ~ *lalap* = ~ *padi* sj tumbuhan (pokok renek), *Trema virgata*.

mengkirik Jw tegak bulu roma (kerana ketakutan dll), seram.

mengkis = **memengkis** memanggil dgn maksud menentang, berteriak utk mengejek dll: *maka maralah Panglima Hassan itu sambil memengkis menyuruh rapat.*

mengkoyan sj tumbuhan (pokok), empoyan, mempoyan, *Rhodamnia trinervia*.

mengkuang sj tumbuhan (pokok yg daunnya boleh dibuat tikar dll), bengkuang, pandan duri, *Pandanus atrocarpus*;
~ *bunga* = ~ *perah* sj tumbuhan (pokok), pandan ikan, *Pandanus aurantiacus*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), pandan hutan, *Pandanus houlletii*; ~ *laut* = ~ *duri* sj tumbuhan (pokok), *Pandanus tectorius*; ~ *tikus* sj tumbuhan (pokok), pandan tikus, pokok selangseng, sendayan masing, *Pandanus oratus*.

mengkudu sj tumbuhan (pokok), *Morinda spp.*; ~ *akar* = ~ *hutan* = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), *Morinda umbellata*; ~ *besar* = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), *Morinda citrifolia*; ~ *hutan* = ~ *kecil* sj tumbuhan (pokok renek), *Morinda elliptica*; ~ *rimba* sj tumbuhan (pokok renek), *Rennellia speciosa*; *spt batang* ~, *dahulu buah drpd bunga* prb menganggap sudah menguasai atau memiliki sesuatu perkara atau barang yg belum tentu dapat dikuasai atau diperoleh.

mengkula sj tumbuhan (pokok), bunga tanjung, *Mimusops elengi*.

mengkulang sj tumbuhan (pokok) dlm famili Sterculiaceae, jambu keluang, melima, kambang (Sabah), melabu (Sarawak), *Heritiera spp.*

mengkundur sj tumbuhan (pokok) dlm famili Datisceae, *Tetrameles nudiflora*.

mengok (méngok) bengot, herot; □ **mengot**.

mengot (méngot) Jw tidak lurus, herot, serong.

mengsol (méngsol), **mengsong** (mengsong) Jk herot, serong.

mengung = **termengung** termenung, bingung.

meni (méni) sj cat merah.

meniaga Jk berniaga.

menidih mendidih.

menikai □ **tembikai**.

menila I; *itik (bebek)* ~ sj itik.

menila II; *sawo* ~ ciku.

meninges (méningés) (Bio) tiga lapisan selaput yg membaluti otak dan saraf tunjang.

meningitis (méningitis) (Ubat) radang pd selaput meninges akibat jangkitan.

meninjau sj tumbuhan, belinjau.

menir I Jw beras yg pecah-pecah, melukut.

menir II IB, bp tuan.

meniran sj tumbuhan (herba), *Phyllanthus niruri*; **kemeniran**.

meniskus (méniskus) **1.** (Fiz) permukaan cecair (dlm bekas) yg kelihatan berkeluk (cembung atau cekung) akibat tindakan daya pd permukaannya; **2.** (Bio) rawan berbentuk sabit yg terdapat di antara tulang-tulang pd sendi (khususnya sendi lutut).

menjak ark mulai, sejak; □ **semenjak**.

menjana ark sedang; □ **semenjana**.

menjangan Jw rusa.

menjarum; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), jejarum merah, *Ixora concinna*.

menjelai □ **enjelai**.

menjelis bp cantik, molek; □ **majlis II**.

menjulung; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok renek), *Gomphostemma crinitum*.

MENLU akronim bagi Menteri Luar.

menong (ménong); *gajah* ~ a) sj binatang besar (dlm cerita-cerita); b) sj usungan utk pengantin (berbentuk ikan).

menopaus (ménopaus) (Ubat) peringkat waktu apabila wanita mengalami keadaan putus haid (biasanya dlm lingkungan umur 50).

menora sj sandiwara Siam.

menoragia (ménoragia) (Ubat) perdarahan yg terlalu banyak semasa haid.

menorea (ménoréa) (Ubat) perdarahan biasa semasa haid.

mensiang sj tumbuhan (rumpai), *Cyperus procerus*.

mensirah sj tumbuhan (pokok), *Ilex cymosa*; **mesirah**.

mensiu □ **mesiu**.

mens rea (méns réa) (Udg) niat utk melakukan jenayah, pengetahuan bahawa sesuatu perbuatan yg akan dilakukan itu salah: *berhubung dgn persoalan ~, peguam berhujah bahawa pendakwa perlu membuktikan tertuduh mempunyai ~ ketika melakukan kesalahan itu*.

menstruasi (ménstruasi) (Ubat) keluarnya darah drpd rahim wanita yg tidak hamil (tetapi masih subur utk beranak), biasanya sekali sebulan, datang haid (datang bulan).

menta □ **meta I**.

mentabung sj tumbuhan (rumput), rumput janggut (tongkat) ali, *Panicum sarmentosum*.

mentadak sj serangga, *Tenodera aridifolia*.

mentadu □ **sentadu**.

mentah 1. belum masak (buah-buahan dll), masih muda; 2. tidak masak betul (barang yg dimasak): *nasi yg dimasaknya ~*; 3. belum dimasak atau direbus (barang makanan), tidak dimasak: *rojak biasanya dibuat drpd sayur-sayuran ~*; 4. belum sempurna atau

mendapat keputusan (mesyuarat, perundingan, dll); **5.** belum diolah atau dikerjakan (bahan galian dll), belum diproses (utk dijadikan barang yg lebih sempurna dsb): *ekonomi negeri kita bergantung pd pengeluaran dan bahan ~, getah dan bijih timah; eksport petroleum ~ juga meningkat 1%*; **6.** belum sempurna (akal, fikiran, dll), masih belum dewasa atau matang: *anak-anak muda yg masih ~ ini akan terkorban oleh adat masyarakat;*

mentah-mentah **1.** tidak dimasak atau direbus (barang-barang makanan dll): *kebanyakan makanan kita tidak dimakan ~, tetapi dimasak terlebih dahulu;* **2.** tidak dgn berhasrat apa-apa, dgn begitu sahaja, bulat-bulat: *Tijah menolak ~ lamaran seorang anak muda yg berkedudukan baik;*

kementahan perihal mentah.

mentak Jk barangkali, boleh jadi, mungkin.

mental I Jk **1.** terpelanting, terpentak; **2.** tidak lut (oleh senjata, peluru, dll), kebal; □□**pental**.

mental II (Sunda); *tak* ~ tidak ada gunanya, tidak mujarab (ubat dll).

mental (méntal) **1.** berkaitan dgn atau melibatkan akal, pemikiran, atau proses intelektual; **2.** bp tidak siuman, sakit otak, gila.

mentaliti (méntaliti) **1.** keadaan atau kualiti kebolehan akal; **2.** cara berfikir;

bermentaliti mempunyai mentaliti (daya fikir): *manusia ~ rendah.*

mentalun = ~ batu sj tumbuhan (pokok), batalong, *Terminalia pyrifolia*.

mentang, mentang-mentang, sementang, sementang-mentang, sementangkan (hanya) kerana ... maka ..., senyampang: ~ *kita kuli begini, dia hendak berbuat sebarang sahaja.*

mentangur □ **bentangur**.

mentara □ **sementara**.

mentari (Sas) matahari: *senyuman dan gelak tawamu ibarat ~ yg sentiasa menyinari hidup kami; ~ kian condong ke ufuknya.*

mentaruh sj tumbuhan (pokok), *Excoecaria agallocha.*

mentas; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), akar kekau, akar pesat bedak, akar sepakan, akar sesudu, jeluta jantan, kuku bening, *Schefflera subulata.*

mentaus; *akar* ~ sj tumbuhan, mentoh, meteh-meteh, *Wrightia javanica;*
bentaus.

mentega (mentéga) **I** pepejal lemak berwarna kuning pucat yg diperbuat drpd krim, boleh dimakan dgn roti, digunakan dlm masakan, dsb;
mementegai **1.** menyapu mentega (ke atas roti dll); **2.** bp memberi yg elok-elok (utk mengambil hati dll).

mentega (mentéga) **II;** *buah* ~ sj tumbuhan (pokok kecil), buah saklat, *Diospyros discolor.*

mentelah □ **sementelah.**

menteng (ménténg) sj tumbuhan (pokok), buah kepundung, *Baccaurea racemosa.*

mentereng (mentéring) **1.** pakaian seragam (spt yg dipakai oleh tentera dll), uniform; **2.** cantik, elok, bagus: *keretanya diganti dgn yg lebih ~ ;*

kementerengan perihal mentereng, keelokan, kebagusan.

menteri **1.** ahli politik drpd parti pemerintah yg mengetuai sesuatu jabatan kerajaan, ahli kabinet; *M~ Besar* ketua kerajaan bagi sesebuah negeri yg beraja di Malaysia; *Ketua M~* ketua kerajaan bagi sesebuah negeri yg tidak beraja di Malaysia; *Perdana M~* ketua jemaah menteri, ketua kabinet; **2.** sl pegawai tinggi (spt penasihat raja dll): *maka ialah raja yg mula-mula memperbuat bendahara yg memerintah segala ~ yg di bawah takhta kerajaannya;* **3.** = **mantri** Id pangkat atau jawatan tertentu; ~

cacar tukang cungkil; ~ *ukur* juruukur; **4.** nama buah catur (yg besar nilainya);

~ *dalam negeri* menteri yg mengurus hal-hal dlm negeri; ~ *luar negeri* menteri yg mengurus perhubungan dgn negeri-negeri asing; ~ *muda* timbalan menteri; ~ *negara* Id menteri yg tidak memegang kementerian tetapi diberi tugas yg penting;

kementerian **1.** jabatan kerajaan yg diketuai oleh menteri: *K~ Pendidikan*; **2.** bangunan bagi jabatan kerajaan, pejabat menteri; **3.** jawatan menteri.

mentibang sj lipan, sepah bulan.

mentigi sj tumbuhan (pokok kecil), *Pemphis acidula*.

mentika Mn ark mastika.

mentilau sj burung.

mentimah sj ikan laut, *Trichiurus savala*.

mentimun I sj tumbuhan (pokok menjalar dan buahnya), *Cucumis sativus*; ~ *dendang* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar cabang tiga, cabang tiga, timun dendang lunjung, *Trichosanthes celebica*; *spt* ~ *dgn durian* prb perlawanan yg tidak berpadanan (*spt* orang yg lemah atau bodoh berlawan dgn orang yg berani atau pintar dll); **timun**.

mentimun II 1. sj ikan laut, a) *Lutjanus decussatus*; b) *Lutjanus vitta*; **2.** sj ikan laut, *Scolopsis bilineatus*; **timun-timun**.

mentiung sj tumbuhan (pokok memanjat), darah belut.

mentok Jk terhantuk pd.

mentol (méntol) **I** = ~ *lampu* bebola drpd kaca yg di dalamnya terdapat filamen logam yg mengeluarkan cahaya apabila arus elektrik melaluinya; ~ *tungsten* mentol yg filamennya dibuat drpd tungsten.

mentol (méntol) **II** (Kim) sj alkohol yg berbau cirian, berangin, dan digunakan utk membuat ubat-ubatan (terdapat dlm minyak pati spt permen, kapur barus, dll).

mentong (méntong) Jw makan nasi pd waktu petang (selepas makan tengah hari).

mentor (méntor) pembimbing atau penasihat (yg arif dan berpengalaman) kpd seseorang.

mentora; ark *balai* ~ sj balai di istana (tempat tetamu dll).

mentua I ibu bapa, ibu atau bapa kpd isteri atau suami; ~-*taya* saudara kpd mentua;

bermentuakan mempunyai atau menerima seseorang sbg mentua: *dia bersyukur dan sangat gembira kerana dapat ~ orang yg warak.*

mentua II; ~ *pelanduk* sj burung, pipit batu, *Motacilla cinerea*.

mentulang 1. sj tumbuhan (pokok menjalar), *Zizyphus kunstleri*; **2.** sj tumbuhan (pokok) dlm famili Alangiaceae, telur buaya, kondolon (Sabah), *Alangium spp.*

menu (ménu) **1.**senarai masakan yg disajikan pd sesuatu hidangan atau yg boleh dipesan di restoran dsb; **2.** (Komp) butiran dlm sesuatu atur cara komputer yg boleh dipilih (oleh pengguna) utk melaksanakan tindakan yg dinyatakan.

menuan K1 bertukang (biasanya emas atau perak).

menung; bermenung, bermenung-menung berfikir panjang, memikir dalam-dalam, tafakur: *belum sempurna fikir kekanda dlm hal itu agaknya, bawalah dahulu ~;*

memenungkan memikirkan dalam-dalam: *ibu yg kehilangan suaminya masih ~ bagaimana hendak menyara anak-anaknya;*

termenung, termenung-menung dlm keadaan bermenung: *sejenak ia ~ memikirkan sesuatu;*

menungan, kemenungan tafakur, renungan;

permenungan perbuatan bermenung: *bilakah gerangan akan habis ~mu wahai orang muda?*

pemenung orang yg suka bermenung.

menunggal Kl satu sen satu (harga benda), satu duit satu.

menyakut Kl **1.** sesuai, padan; **2.** seronok atau sedap (dirasa, dipandang, dll).

menyal Tr tidak masak, mentah.

menyam Pl gatal (yg menjadi-jadi).

menyampang ark □ **senyampang.**

menyan □ **kemenyan.**

menyapung Kl mengeluarkan kata-kata keji, mencarut.

menyawak Jw biawak.

menyokok Kl menyorok, menyusup.

menyolok; ~ *mata* nyata kelihatan, tampak benar; □ **colok II.**

meong (méong) Jk **1.** bunyi kucing; **2.** kucing; *memegang buntut* ~ bp tidak mendapat apa-apa.

meor □ □ **mir.**

mepéh (mépéh) Kl keadaan orang atau binatang yg hampir rebah kerana pening.

mepér (mépér) □ **peper.**

mepet (mépét) Jk terhimpit.

mer (mér) Kl menghisap susu ibu (oleh kanak-kanak kecil).

mera Sr masakan atau makanan separuh masak.

meracun Pr tidak ada, tiada.

meraga sj tumbuhan (pokok) dlm famili Rubiaceae, berombong, kurau, mengkeniab (Sabah), *Pertusadina spp.* dan *Metadina spp.*

meragi sj burung, *Rostratula benghalensis.*

merah sl **1.** gelaran utk raja-raja kecil (penghulu); **2.** (Padang) gelaran utk anak sutan dgn perempuan biasa atau anak puteri dgn laki-laki biasa, marah.

merah (mérah) **I** warna spt warna darah; ~-~ *bahasa* agak merah; ~ *darah* merah spt darah; ~ *jambu* = ~ *muda* merah keputih-putihan; ~ *kesumba* merah tua; ~ *lembayung* merah bercampur ungu; ~ *marak* = ~ *menjahang* = ~ *menyala* = ~ *merang* = ~ *murup* sangat merah; ~ *muka* kemalu-maluan; ~ *padam* merah spt bunga teratai (warna muka ketika marah); ~ *pijar* sangat panas sehingga membara (logam dll); ~ *pulasan* merah spt kulit buah pulasan masak; ~ *saga* warna merah spt biji saga; ~ *telinga* marah; ~ *telur* bahagian dlm telur yg berwarna merah kekuning-kuningan; ~ *tua* merah kehitam-hitaman; *di luar* ~, *di dlm pahit* prb janganlah percaya akan perkataan yg manis-manis kerana biasanya berisi tipu daya yg busuk;

bermerah; ~ *muka* ki bertengkar (berhujah dll) spt akan berkelahi;

memerah menjadi merah: *panas matahari sudah mulai mengundur dan di sebelah barat langit sudah mulai* ~;

memerahi membubuh warna merah pd, mewarnai merah: *pipinya dimerahi dgn gincu, pinggangnya diikat ramping-ramping*;

memerahkan menjadikan (menyebabkan) merah, membuat menjadi merah; ~ *muka* menjadikan muka merah (menyebabkan marah);

kemerahan keadaan merah;

kemerah-merahan berwarna agak merah, seakan-akan merah: *lapisan yg* ~;

pemerah sesuatu (bahan dll) yg menjadikan sesuatu lain berwarna merah; ~ *pipi* bahan solek utk memerahkan pipi.

merah (mérah) **II** sj ikan laut;

~ bambangan = ~ pucat sj ikan laut, *Lutjanus sanguineus*; ~ boreng = ~ coreng sj ikan laut, *Lutjanus sebae*; ~ cina a) sj ikan laut, *Caesio pinjalu*; b) sj ikan laut, *Caesio erythropterus*; ~ mata hitam sj ikan laut, *Lutjanus malabaricus*; ~ suman sj ikan laut, *Pinjalo spp.*

merajah; ~ satah sj tumbuhan (pokok renek), *Sauropus parvifolius*.

merajalela (merajaléla) **1.** berbuat sekehendak hati; **2.** menjangkit (penyakit); □ **maharajalela.**

merak I sj burung besar, yg jantan bulunya berwarna-warni dan ekornya spt bentuk kipas apabila mengembang, *Pavo muticus*; ~ biru, *Pavo cristatus*; ~ pongsu sj burung kuang cermin, kuang pongsu, *Polyplectron malacense*.

merak II = bunga ~ sj tumbuhan (pokok dan bunganya berwarna merah dan kuning), *Caesalpinia pulcherrima*; bunga ~ hutan sj tumbuhan (pokok renek), pecah periuk jantan, *Ixora pendula*.

merak III; ~ hati Jw manis lagi peramah.

merakah sl bohong, tidak benar.

merakan sj tumbuhan (rumpai), *Andropogon amboinicus*.

meram masa sesuatu penyakit hendak menjadi.

merambai sj tumbuhan (pokok).

merambung 1. sj tumbuhan (pokok), ambung-ambung, *Scaevola frutescens*; **2.** sj tumbuhan (pokok), medang gambung, *Vernonia arborea*; ~ bukit sj tumbuhan (pokok), *Clerodendron deflexum*.

meramung sj tumbuhan (pokok), geronggong semut, *Ouratea crocea*.

merana 1. menderita penyakit yg lama: sakit ~; **2.** sentiasa sakit-sakit, makin lama makin kurus: badan ~ kerana dia; **3.** sentiasa menanggung susah (sedih dll): hati ~; hidupnya ~ akibat penyakit itu.

meranang; *ajar* ~ sj tumbuhan (pokok renek), guruh peria, *Croton caudatum*.

merang I; *merah* ~ merah sungguh.

merang II Jw tangkai padi yg sudah kering.

merangsi sj tumbuhan (pokok), sisik penyu, sisik puyuh, *Carallia suffruticosa*.

merangu sl sj alat bunyi-bunyian (yg ditiup).

meranti sj tumbuhan (pokok), *Shorea albida*; ~ *baka* = ~ *paya* = ~ *tenggelam* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, seraya buaya hantu (Sabah), *Shorea uliginosa*; ~ *kepung* sj tumbuhan (pokok), *Shorea ovalis*; ~ *kuning* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, damar hitam, seraya kuning (Sabah), a) *Shorea faguetiana*; b) *Shorea resinanigra*; ~ *langgung* sj tumbuhan (pokok), *Shorea lepidota*; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), *Shorea spp*; ~ *merah tua* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, nemesu, seraya, obah suluk (Sabah), *Shorea spp.*; ~ *paang* sj tumbuhan (pokok), *Shorea bracteolata*; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok), *Shorea hypochra*; ~ *sabut* sj tumbuhan (pokok), keruing sudi, *Vatica perakensis*; ~ *sarang punai* sj tumbuhan (pokok), *Shorea parvifolia*; ~ *temak* sj tumbuhan (pokok), *Shorea hypochra*; ~ *tembaga* sj tumbuhan (pokok), *Shorea leprosula*.

merapit sj tumbuhan, (pokok), cengah, *Pygeum lanceolatum*.

merarau Sr makan tengah hari.

merasi Mn = **merarasi** gugur daun semuanya (pohon).

merat (mérat) Jk hilang, lenyap, melarikan diri; □ **mairat**.

merawal bendera kecil-kecil panjang, panji-panji;

~ *memulang bukit, cerana menengah kota* prb sudah jelas sekali seseorang hendak mengemukakan sesuatu permohonan; *kita di*

pangkal ~ , *dia di hujung* ~ prb Mn tanggungan kita lebih berat drpd tanggungannya.

merawan I □ **awan**.

merawan II sj tumbuhan (pokok), *Hopea spp.*; ~ *jangkang* sj tumbuhan (pokok), *Hopea nervosa*; ~ *meranti* sj tumbuhan (pokok), *Hopea sulcata*; ~ *siput* sj tumbuhan (pokok), *Hopea sangal*; ~ *siput jantan* sj tumbuhan (pokok), *Hopea odorata*; **mengerawan**.

merbah sj burung, *Lanius cristatus*;

~ *abu*, *Hypsipetes flavala*; ~ *berjanggut* = ~ *beringin* sj burung, *Criniger ochraceus*; ~ *bersisik* sj burung, *Pycnonotus squamatus*; ~ *bidan* sj burung, *Trachycomus ochrocephalus*; ~ *ekor gading* sj burung, *Tersiphone paradisi affinis*; ~ *gila* sj burung, murai gila, merbuk gila, *Rhipidura javanica*; ~ *gila gunung* sj burung, *Rhipidura albicollis*; ~ *jambul* sj burung, *Spizixos canifrons*; ~ *kapur* sj burung, *Pycnonotus goiavier*; ~ *kelabu* sj burung, *Pycnonotus cyaniventris* ; ~ *kunyit* = ~ *luris leher* sj burung, *Pycnonotus finlaysoni*; ~ *kunyit jambul hitam* = ~ *jambul hitam* sj burung, *Pycnonotus melanicterus*; ~ *rimba* a) sj burung, *Tephrodornis gularis*; b) sj burung, *Malacopteron magnirostre*; ~ *sampah* sj burung, *Criniger bres*; ~ *sampah kuning* sj burung, kelicap belukar, *Macronus gularis*; ~ *tanduk* sj burung, *Pycnonotus melanoleucos*; ~ *telinga merah* sj burung, burung cerlah, *Pycnonotus jocosus*.

merbahaya □ **marabahaya**.

merbak □ **semerbak**.

merbang Jh menggerbang (rambut yg ditiup angin dll).

merbatu = ~ *layang* sj tumbuhan (pokok), sauh hutan, songkok rimau, *Parinarium corymbosum*;

~ *kecil* sj tumbuhan, cendarah padi; ~ *pasir* sj tumbuhan, medang peni.

merbau sj tumbuhan (pokok) dlm famili Leguminosae, merbau ipil, ipil laut (Sabah), *Intsia spp.*;

~ *kera* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Leguminosae, babi kurus, jering tupai, angar-angar (Sabah), *Crudia spp.*; ~ *lalat* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Leguminosae, *Sympetalandra borneensis*.

merbuk sj burung;

~ *aman* sj burung, *Geopelia striata*; ~ *balam* sj burung, ketitir, tekukur jerum, *Streptopelia chinensis*; ~ *gila* sj burung, merbah gila, *Rhipidura javanica*.

merbulan sj tumbuhan (pokok), *Endospermum malaccense*.

merbuluh; ~ *merah* sj tumbuhan, (pokok), selimbar, selumar, *Jackia ornata*.

merbung; ~ *jantan* sj tumbuhan, geretak.

merca pengsan; □ **murca**.

mercak; ~-*mercik* ark memercik-mercik.

mercik; **memercik** □ **percik**.

mercon Id mercun.

mercu **1.** bahagian yg tertinggi, puncak; ~ *gunung* puncak gunung; **2.** bangunan atau bahagian bangunan yg tinggi (pd masjid dll), menara; ~ *api* = ~ *suar* rumah api: *api lampu* ~ *suar telah terkelip- kelip di Pulau Pandan*; ~ *tanda* sesuatu objek yg mudah dicam (spt bangunan, pokok, dll) sbg panduan menentukan lokasi sesuatu tempat.

mercun sj bunga api yg meletup apabila dibakar, petasan; ~ *buluh senapang bambu, kpd saya jangan dituju prb janganlah saya digertak dgn barang sesuatu yg kosong*.

mercup bp merecup; □ **recup**.

merdangga sj gendang panjang.

merdeheka (merdehéka) □ **merdeka**.

merdeka (merdéka) bebas (drpd penjajahan, kurungan, naungan, dll), lepas (drpd tebusan, tuntutan), berdiri sendiri, tidak bergantung pd yg lain: *Malaysia ialah sebuah negara yg ~ dan berdaulat; besok ia jadi seorang awam yg ~ dan tidak lagi menjadi perajurit yg dikongkong oleh undang-undang dan disiplin; ~ ayam bebas sama sekali (boleh melakukan sesuatu sekehendak hati); akhbar ~ akhbar yg tidak terikat pd mana-mana parti politik;*

memerdekakan memberi kebebasan melepaskan drpd penjajahan (kurungan dll), membebaskan: *India telah dimerdekakan pd bulan Ogos 1947; bagaimana dia boleh ~ dirinya drpd kapitalis-kapitalis kecil itu?*

kemerdekaan perihal merdeka (bebas), kebebasan: *kita telah berjaya mencapai ~ pd 31 Ogos 1957;*

pemerdekaan perihal (perbuatan, usaha dsb) memerdekakan, pembebasan;

pemerdeka orang dll yg membebaskan drpd penjajahan (kurungan dll).

merdesa (merdésa) sopan (lagi beradab), layak.

merdu enak atau sedap didengar (suara, nyanyian, dll): *maka sangatlah ~ bunyi suara anakanda sekaliannya itu;*

kemerduan perihal merdu (suara dll): *ada orang yg sedang menikmati ~ suaranya.*

merduk ark harta benda atau barang-barang yg tidak berharga.

merebab (Muz) sj alat bunyi-bunyian bertali satu yg digesek, biasanya terdapat dlm masyarakat Iban di Sarawak.

merecik; memerecik □ **percik**.

mereka (meréka) = ~ *itu* kata ganti diri ketiga (utk bilangan yg banyak), orang-orang itu.

merekah □ **rekah**.

merela Kd gatal (perempuan), biang.

merelang **1.** sj tumbuhan (pokok), kebayang, *Irvingia malayana*; **2.** sj tumbuhan (pokok), bayam jantan, *Pterispermum diversifolium*; **3.** sj tumbuhan (pokok), resak hitam, *Vatica maingayi*.

merelit Kd berkilat-kilat (pakaian dll).

merelop Kd waktu hampir akan malam, senja.

merem Jw menutup mata;

memeremkan; ~ *mata* memejamkan mata.

meres (mérés) Jk paras, permukaan (batang yg ditakar).

mergastua sl binatang-binatang di hutan.

mergat enau, kabung.

merguk □ **berguk**.

mergul sj binatang spt berang-berang.

meriah **1.** riang gembira, suka ria: *mereka merayakan kemenangan itu dgn sangat ~; suasana di Carenoble kelihatan ~ kerana Krismas tidak lama lagi akan menjelang*; **2.** besar-besaran, ramai: *pesta main pantai tahun ini lebih ~ drpd tahun-tahun lalu*; **3.** dgn rasmi, dgn upacara (kebesaran, kemuliaan, dll): *mereka pun mulai menyanyikan lagu kebangsaan dgn ~ dan penuh perasaan*;

memeriahkan menjadikan meriah, menggembirakan, meramaikan, dll: *pesta itu dimeriahkan dgn tarian dan nyanyian drpd berbagai-bagai bangsa*;

kemeriahan keriaan, kegembiraan, keramaian: *hari ulang tahun keputeraan Nabi SAW telah kita peringati dan telah kita rayakan dgn penuh kemesraan dan ~*.

meriam sj senjata api yg lebih besar drpd senapang;

~ *buluh* a) meriam yg larasnya panjang dan bulat; b) meriam mainan yg dibuat drpd buluh (dibubuhi karbida); ~ *katak* meriam yg kecil lagi pendek larasnya; ~ *penangkis (kapal terbang)* meriam utk menentang serangan kapal terbang.

merian □ **meroyan I.**

meriang I berasa agak demam.

meriang II sj biawak, biawak air, *Varanus salvator*.

merica lada putih.

meridap Sb tidur atau lelap sekejap: *dia jarang makan tengah hari kerana waktu itu digunakan utk ~.*

meridian (Geog) garis khayalan yg merupakan bulatan yg membelah bumi dr kutub utara ke kutub selatan.

merih kerongkong, tenggorok, pembuluh nafas.

merik sj burung hantu.

merimin Kd bersinar-sinar, berkilat.

mering; *kurus* ~ sangat kurus, kurus kering.

meringgai sj tumbuhan, lemunggai.

meringin Kd bau wangi.

meringis Jw menggerenyotkan bibir (muka dll) utk menunjukkan marah dll, menyeringai.

merinin Kd cantik (drpd kebiasaannya).

merinyu **1.** sl polis tentera; **2.** = ~ *polis* nama pangkat (dlm pasukan polis) yg lebih rendah drpd penguasa polis, inspektor; **3.** orang yg memeriksa utk memastikan peraturan, piawai, dsb tertentu dipatuhi, pemeriksa, inspektor; ~ *makanan* pemeriksa makanan.

meristem (Bio) tisu tumbuhan yg aktif membahagi dan terdapat pd bahagian pertumbuhan aktif spt hujung akar, pucuk, dan kambium.

merit (mérit) sifat, kualiti, perbuatan, dsb yg patut layak mendapat kepujian atau penghargaan: *penekanan yg lebih diberi kpd ~ individu; meyakinkan orang ramai terhadap ~ sesuatu program.*

meritam Br sj buah yg rupanya spt rambut.

meritokrasi (méritokrasi) sistem sosial yg menyanjung tinggi kedudukan seseorang kerana kebolehannya (bukan kerana keturunan atau kekayaan): *organisasi yg mengamalkan ~.*

merjagung; *bunga* ~ sj tumbuhan, jenjagung.

merjan sj manik (drpd batu karang merah) utk dibuat kalung atau dokoh dll.

merk (mérk) IB **1.** cap perniagaan, nama perusahaan dll; **2.** ki, bp nilai, mutu; *jatuh (turun)* ~ a) mendapat nama yg kurang baik; b) tidak gagah (megah) lagi;

bermerk bertanda, bercap, dll: *semua barang keluaran wajib ~.*

merkah □ **rekah.**

merkosa dgn paksa, (memiliki dll) dgn kekerasan, menggagahi; □ **perkosa.**

merkubang sj tumbuhan (pokok), *Mezzetia herveyana.*

merkuri (Kim) sj unsur logam berwarna perak, berbentuk cair, dan biasanya digunakan utk membuat amalgam, katod, dll, raksa.

merlilin **1.** sj tumbuhan (pokok); **2.** sj burung.

merlimau **1.** sj tumbuhan (pokok), limau-limau, *Gelonium glomerulatum*; **2.** sj tumbuhan (pokok), limau-limau, *Phyllochlamys wallichii*; **3.** sj tumbuhan (pokok), pokok telur belangkas hutan, keranji bulan, *Aglaia odoratissima*; **4.** sj tumbuhan (pokok), limau hantu, *Atalantia spinosa.*

merlip Pl bersinar, berkilat.

merombong sj tumbuhan, berombong.

merosot 1. tergelincir turun (kerana licin dll); **2.** turun (harga, mutu, dll), jatuh, berkurang (perniagaan dll): *kerana aku begitu terikat dlm soal-soal politik, maka biro teknikkku ~ sehingga mati sama sekali*; **memerosotkan** menyebabkan merosot (bkn harga, prestasi dsb), memundurkan: *faktor psikologi ini akan ~ prestasi harga dlm pasaran saham*;

kemerosotan perihal merosot (nilai wang, mutu, kemajuan, dll), kejatuhan, kemunduran: *apabila berlaku ~ dlm bidang perusahaan, maka pengusaha terpaksa memberhentikan kebanyakan atau semua pekerjanya*.

meroyan I gangguan emosi selepas bersalin akibat perubahan hormon dlm badan yg menyebabkan seseorang ibu murung, bertindak ganas, dll.

meroyan II sj tumbuhan (pokok), kelat tanduk, jarum hutan, *Ixora spp.*; ~ batu sj tumbuhan, banton, *Vitex coriacea*; ~ punai tanah sj tumbuhan (pokok), *Acrotrema costatum*; akar ~ jantan = akar ~ paya sj tumbuhan (pokok renek), akar berbuah, *Dissochaeta celebica*; akar ~ sambang sj tumbuhan (pokok menumpang), akar ketam.

merpadi sj tumbuhan (pokok kecil), mempisang, *Polyalthia canangioides*.

merpati sj burung, burung dara, *Columba domestica*; ~ mas sj burung, *Caloenas nicobarica*; ~ mahkota, *Goura cristata*; ~ dua sejoli ki sepasang orang yg sedang berkasih-kasih; *jinak-jinak* ~ ki perempuan yg kelihatan senang diperdaya tetapi sebenarnya tidak.

merpaud (mérpaud) IB, bp jamak, lebih drpd satu, berbilang; *belum ada ~nya* ki belum beristeri (bersuami).

merpauh sj tumbuhan (pokok) dlm famili Anacardiaceae, periang, rengas (Sabah), pituh (Sarawak), *Swintonia spp.*

merpelai Mn pengantin laki-laki; □ **mempelai**.

merpisang □ **mempisang**.

merpitis □ **mempitis**.

merpoi sj tumbuhan (pokok), gandang, *Carallia brachiata*.

merpuing merpoi.

mersawa sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, loh, medang sawa, rengkung, sanai, sepah, petri, terbak, pengiran (Sabah), *Anisoptera spp.*

mersik **1.** kuat lagi nyaring (suara, bunyi, dll), lantang: *jeritan ~ itu sudah tidak kedengaran lagi*; **2.** kering benar, tidak berair (sambal dll), garing (gorengan): *bibirnya kering ~*; **3.** = *kurus ~ sangat kurus*, kurus kering: *akan Sang Sura kecil tubuhnya, rencang ~*.

mersinga sj tumbuhan (pokok), gandang, *Carallia brachiata*.

mersuji **1.** sj ikan laut, a) *Makaira herscheli*; b) *Makaira indica*; c) *Makaira mazara*; **2.** sj ikan laut, *Xiphias gladius*.

mertajam sj tumbuhan (pokok besar), kelayu, *Erioglossum rubiginosum*.

mertamu Jk pergi berjamu.

mertas sj tumbuhan (pokok) dlm famili Linaceae, besi-besi (Sabah), lituh (Sarawak), *Ctenolophon parvifolius*.

merton Kd martil, tukul besi.

mertua Jk mentua.

merubi bentuk hulu keris yg spt ubi.

merudum Pl berlari beramai-ramai.

meruik Pl bergerak.

merunggai lemunggai.

merus Jh; *tanah ~ tanah runtuh*.

mes (més) tempat para pegawai tentera beristirahat, makan, minum dsb:
pertemuan itu berlangsung di ~ pegawai pd petang semalam.

mesabah Jh munasabah.

mesan (mésan) batu pd kubur (sbg tanda); □ **nisan**.

mesara belanja, gaji; □ **sara I**.

Mesdaq (mésdaq) akronim bagi *Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation* (Bursa Urus Niaga Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia).

mesej (méséj) **1.** pesanan (berita, kata-kata singkat) yg hendak disampaikan kpd seseorang dsb: *Don Norton mengingati ~ telefon yg telah diterimanya drpd pengurus itu;* **2.** sesuatu (gagasan, pengajaran, dll) yg hendak disampaikan dlm sesuatu karya sastera dll: *~nya jelas, mudah difahami dan perasaannya dipenuhi oleh nilai-nilai yg mulia; dlm kelucuan pemerihalannya ini jelas kpd kita ~ disebaliknya;*

bermesejkan mempunyai atau mengandungi sesuatu sbg mesej: *rakaman album-album yg ~ cinta dan kemanusiaan; memperbanyak iklan yg ~ patriotisme.*

mesekam sj tumbuhan (pokok), cenarahan.

mesem (méssem) Jw tersenyum.

mesenteri (mésénteri) (Bio) selaput yg membebat usus kecil dan menghubungkannya ke dinding perut.

mesepat sj tumbuhan (pokok), *Macaranga denticulata*.

mesetar sj tumbuhan (pokok dan buahnya), manggis, *Garcinia mangostana*.

mesigit Jw masjid.

mesikur sj ikan laut, *Diagramma spp*.

mesin (mésin) alat atau perkakas yg menggunakan kuasa, spt elektrik dan enjin, utk melakukan sesuatu kerja, jentera, pesawat;

~ *bicara* = ~ *nyanyi* = ~ *ngomong* Id peti *nyanyi*; ~ *cetak* mesin utk mencetak (buku dll); ~ *faks* mesin utk menghantar dokumen melalui sistem pengimbasan secara elektronik melalui talian telefon dsb; ~ *frangki* alat utk mengecap tanda setem pd surat, bungkusan dsb yg menandakan bayaran pos telah dijelaskan; ~ *gerudi* mesin utk mengorek lubang; ~ *getah* alat utk mengepingkan getah yg telah ditakung; ~ *jahit* mesin utk menjahit (pakaian dll); ~ *jahit kaki* mesin jahit yg dijalankan dgn kaki; ~ *juruwang automatik* mesin atau alat yg membolehkan pengeluaran wang simpanan (di bank dsb) secara automatik (tanpa dilayani pekerja bank); ~ *kira* = ~ *hitung* mesin utk menghitung; ~ *kisaran padi* mesin utk mengisar padi; ~ *perakam waktu* mesin yg merakamkan waktu seseorang pekerja masuk ke tempat kerja dan pulang selepas bertugas; ~ *sinar-X* mesin yg memancarkan sinar-X menembusi bahan pejal (spt bahagian dlm tubuh, bagasi dsb); ~ *slot* mesin utk berjudi dgn memasukkan duit (syiling) ke dalamnya; ~ *stensil* alat yg digunakan utk mencetak salinan bertaip atau bertulis drpd stensil; ~ *taip* = ~ *ketik* Id = ~ *tulis* mesin utk menulis; ~ *tayang wayang gambar* alat utk menayangkan filem; ~ *tempel* Id mesin (enjin) motor sangkut; ~ *terbang* Id kapal terbang; **bermesin** dipotong dsb dgn menggunakan mesin: *rumpun yg sudah tumbuh tinggi di halaman rumah itu masih belum ~*;

memesin mengerjakan sesuatu dgn mesin: *waktu Agus pulang dr ~ getah, tidak ada kuih yg terhidang*;

pemesinan perihal memesin.

mesingan (mésin.gan) sj senjata api yg dapat melepaskan tembakan banyak peluru secara berturut-turut dgn amat pantas.

mesiput sj tumbuhan (pokok), campa biru, *Canarium kadondon*.

mesirah sj tumbuhan (pokok), *Ilex cymosa*.

mesiu = *garam* ~ ubat bedil, bahan peledak.

meski = *~pun* sungguhpun, walaupun, biarpun, kendatipun: *kepalanya terangguk-angguk alamat ia telah mengantuk, ~pun malam itu baru kira-kira pukul delapan.*

mesofit (mésofit) (Bio) tumbuhan yg hidup subur di kawasan yg kelembapannya sederhana.

mesokarpa (mésokarpa) (Bio) lapisan tengah buah, biasanya bernabu.

mesolitik (mésolitik) (Sej) (berkaitan dgn) peringkat pertengahan Zaman Batu, antara zaman paleolitik dan neolitik.

mesopaus (mésopaus) (Geog) lapisan atas mesosfera yg altitudnya kira-kira 80 - 85 km.

mesosfera (mésosféra) (Geog) lapisan atmosfera bumi yg terletak di antara 55 - 85 km di atas permukaan bumi.

mesra **1.** bercampur benar-benar, menyerap benar-benar, berpadu, bersehati: *gaul serbuk besi dgn belerang sampai ~ di dlm satu lesung; kanji drpd beras ini mudah ~ ke dlm daging kain; 2.* erat atau karib benar (bersahabat, berkasih-kasihan, dll): *laki-laki dan perempuan itu kelihatan berbual-bual dgn amat ~nya; perhubungan yg ~; 3.* muluk-muluk (janji dll), indah-indah, sedap (bunyi dll), nyaman: *janji-janji ~ semasa bercinta; suaranya kedengaran lebih ramah dan ~ lagi;*

~ alam tidak memudaratkan atau menjejaskan kualiti alam sekitar: *kenderaan ~ alam; ~ pengguna* mudah digunakan (difahami, dikendalikan dsb), terutamanya oleh orang yg tidak mahir: *komputer ~ pengguna;*

bermesra, bermesra-mesra **1.** bersahabat (bergaul, bercampur) dgn mesra, berbaik-baik, beramah-ramah: *sekalian kawan lelaki dan perempuan berkumpul beramai-ramai, ~ bertegur sapa; 2.* bercengkerama, bercumbu-cumbu, berasmara: *janganlah selalu*

sangat mencuri naik ke rumah Pak Khamis utk ~ dgn anak gadisnya itu;

bermesraan **1.** bergaul atau bersahabat dgn ramah mesra antara satu sama lain; *Allah mencipta manusia utk berkenalan dan ~ antara satu sama lain, bukannya utk bermusuhan-musuhan dan benci-membenci;* **2.** melakukan hubungan mesra (memujuk, merayu) ketika memadu kasih asmara, bercumbu-cumbuan, bercengkerama;

bermesra-mesraan **1.** saling menunjukkan sikap mesra antara satu sama lain, *bermesraan: lalu wujudlah perasaan suka bekerjasama, berkasih sayang dan ~ sehingga berjaya pula mewujudkan sebuah organisasi yg lebih mantap;* **2.** saling memujuk dan merayu ketika memadu kasih asmara, bercumbu-cumbuan: *taman bunga merupakan salah satu tempat yg disukai muda-mudi utk ~;*

memesrai mendatangkan rasa mesra pd: *dia sendiri membalas senyum yg diharapkannya benar-benar dapat ~ hati pemuda itu pula;*

memesrakan **1.** memadukan (mencampurkan) sungguh-sungguh; **2.** menyenangkan, menyamankan: *Nahidah mulai merasakan sesuatu yg ~ pula;* **3.** menjadikan (persahabatan, diri, dsb) lebih rapat dgn pihak lain: *dia tidak lagi memberi ruang dlm hatinya utk ~ dirinya dgn Tuhan;*

termesra sudah berpadu benar;

kemesraan perihal mesra: *anaknyanya itu masih kecil, masih haus kpd kemanjaan dan ~.*

mesta I □ **semesta.**

mesta II Kl manggis.

mestal kain ikat kepala, serban.

mester (méstér) IB **1.** guru; **2.** ahli undang-undang.

mesteri tukang yg mahir.

mesti **1.** tidak boleh tidak, wajib: *kau ~ makan, kalau tidak sakit nanti;*

2. tentu, pasti: *apa Kamal buat ~lah Aini tahu;* **3.** patut, wajar: *ketiga-tiga orang tua itu disuruh duduk, maka kepadanya dimajukan pertanyaan menurut ~ nya;*

semestinya **1.** sepatutnya, sewajarnya: *sudah ~lah ayah tidak mahu mengikut kata-kataku;* **2.** sebenarnya, sememangnya: *kepadanya sudahlah nyata bahawa kasih dan cinta itu bukan ~ membawa kebahagiaan;*

memestikan **1.** mewajibkan: *tiap-tiap orang Islam dimestikan berpuasa dlm bulan Ramadan;* **2.** menentukan, menetapkan;

termesti dimestikan (diwajibkan);

kemestian **1.** sesuatu yg dimestikan, kewajiban; **2.** ketentuan, ketetapan.

mestika **1.** sj batu sakti (terdapat dlm kepala ular dll), geliga, gemala; ~ *embun* sl sj batu sakti yg boleh menghidupkan orang mati; **2.** permata yg bernilai (intan dll); **3.** ki yg termolek, yg tercantik; *laksana ~ gamat* prb utk mengatakan rupa atau kelakuan atau perkataan yg baik; **4.** ki sesuatu yg disayangi (dikasihi); ~ *hati* kekasih.

mesui; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok yg kulitnya dibuat ubat, rempah-rempah, dll), *Massoia aromatica*; **masoi.**

mesum Jk **1.** kotor, cemar (pakaian, badan): *karya yg indah ini dinodai bahagian-bahagian ~;* **2.** ki tidak senonoh (perbuatan, kelakuan, dll), keji: *perbuatan yg ~;*

kemesuman **1.** perihal mesum, kekotoran, kekolotan; **2.** perbuatan dll yg tidak senonoh: *dlm sandiwara ini, ia mengecam kemewahan dan ~ kehidupan kaum yg memerintah pd masa itu.*

mesut; *kusut*-~ sangat kusut.

mesyuarat perundingan (utk membincangkan sesuatu, atau mencapai sesuatu keputusan), pembicaraan, rapat; ~ *agung* perundingan besar (oleh sesuatu badan, persatuan, dll);

bermesyuarat berunding, berapat, berbincang, berbicara: *rakyat berhak berkumpul sama ada utk ~, bersuka ria atau bermuafakat;*

memesyuaratkan sl membincangkan, merundingkan, membicarakan: *baginda menyuruh panggil sekalian orang besar-besar ~ halnya itu;*

permesyuaratan perihal bermesyuarat, perundingan, perbincangan, rapat: *sistem politik Adat Perpatih mempunyai ciri yg khusus yg lebih banyak menekankan sistem ~ yg lebih hampir kpd sistem demokrasi; musyawarah.*

meta I sl mabuk, mengamuk, ganas, gila: *adapun kenaikan Raja Suran itu gajah tunggal, lagi ~, delapan hasta tingginya.*

meta II Kl sombong, besar hati.

meta III Tr bebas, tidak sopan.

meta IV Pr diam, terdiam.

metabahasa (métabahasa) (Lin) bahasa atau sistem lambang yg digunakan utk menjelaskan suatu bahasa atau sistem lain.

metabolik (métabolik) berkaitan dgn metabolisme.

metabolisme (métabolisme) (Bio) proses kimia yg berlaku dlm semua sel hidup yg melibatkan pembinaan sebatian kompleks dan penguraiannya semula menjadi sebatian ringkas utk menghasilkan tenaga;

memetabolismekan memproses makanan dsb secara metabolisme: *jika ubat itu diberikan dlm dos yg tinggi, hati mungkin tidak mempunyai enzim yg cukup utk ~nya; keupayaan tubuh utk ~ makanan dan menghasilkan tenaga.*

metabolit (métabolit) (Bio) bahan yg terhasil drpd proses metabolisme.

metafizik (métafizik) falsafah atau ilmu pengetahuan mengenai segala yg di luar alam biasa atau yg tidak kelihatan, maakulat.

metafizikal (métafizikal), **metafizis** (métafizis) bersifat metafizik, berkaitan dgn metafizik: *jalinan antara aspek ~ yg dominan dgn aspek fizikal yg sekadar melengkap; alam ~ yg tidak dapat dikesan melalui sebarang pancaindera manusia melainkan melalui akal semata-mata.*

metafora (métafora) (Lin) pemakaian kata-kata yg menyatakan sesuatu makna atau maksud yg lain drpd makna biasa atau makna sebenar perkataan yg berkenaan (sbg perbandingan atau kiasan);

memetaforakan menjadikan pemakaian kata atau kata-kata sbg metafora.

metaforikal (métaforikal) bersifat (berupa) metafora: *pembentukan ungkapan yg ~.*

metah I sangat, sungguh; *baru ~ baru sangat; putih ~ putih benar.*

metah II □ **meta I.**

metai ark sj tilam, lapik duduk, kasur.

metakarpus (métakarpus) (Bio) lima tulang yg terdapat di antara pergelangan tangan dgn jari.

metal (métal) logam.

metalik (métalik) cat berunsur logam yg berkilau: *cat ~.*

metalinguistik (métalinguistik) **1.** kajian tentang metabahasa; **2.** kajian bahasa yg merujuk kpd hubungan keseluruhan sistem linguistik dgn sistem tingkah laku manusia dlm budaya yg berkenaan.

metaloid (métaloid) (Kim) unsur kimia yg sifatnya antara sifat logam dan bukan logam (mis boron, silikon, arsenik, dll).

metalurgi (métalurgi) kajian tentang logam dan aloi, termasuk kaedah pengekstrakan, penulenan, struktur, dan sifatnya.

metamorfisme (métamorfisme) perubahan bentuk, tekstur, struktur, komposisi, dsb pd batuan akibat tekanan dan haba yg tinggi.

metamorfosis (métamorfosis) **1.** (Bio) perubahan sepenuhnya bentuk fizikal dll yg berlaku dlm kitaran hidup sesuatu organisma (mis perubahan kepompong menjadi kupu-kupu); **2.** ki perubahan besar atau sepenuhnya: *utk mendapatkan yg baru, sesuatu itu perlu mengalami ~;*

bermetamorfosis mengalami metamorfosis.

metana (métana) (Kim) sj gas tidak berwarna, tidak berbau, dan mudah terbakar (terdapat di lombong arang batu, dan drpd pereputan bahan-bahan organik).

metanal (métanal) (Kim) formaldehid.

metanol (métanol) (Kim) sj alkohol yg sangat beracun, dan digunakan sbg pelarut dll.

metatarsus (métatarsus) (Bio) lima tulang yg terdapat di antara pergelangan kaki dgn jari kaki.

metatesis (métatésis) (Lin) perubahan tempat atau kedudukan huruf, suku kata, atau bunyi dlm sesuatu kata, mis *gula* menjadi *lagu* dan *ikan* menjadi *kain*.

metek (méték) Tr laci mesin jahit.

meteo (météo) Id; *jawatan* ~ jabatan yg menyiasat keadaan cuaca atau udara.

meteor (météor) (Ast) tahi bintang.

meteorit (météorit) (Ast) tahi bintang yg gugur ke bumi.

meteoroid (météoroid) (Ast) jasad kecil yg bergerak dlm sistem suria yg akan menjadi tahi bintang sekiranya memasuki atmosfera bumi.

meteorologi (météorologi) sains tentang atmosfera dan fenomenanya, terutamanya cuaca dan ramalan cuaca.

meter (méter) **1.** ukuran panjang yg bersamaan dgn 39.37 inci; **2.** = **meteran** Id alat utk mengukur atau merakamkan banyaknya air (tenaga elektrik dsb) yg telah mengalir melaluinya (iaitu yg telah digunakan); **3.** = ~ *laju* alat yg dipasang di dlm kenderaan bermotor utk menunjukkan kelajuan pergerakannya; **4.** alat (pd teksi) utk menunjukkan tambang yg harus dibayar; ~ *lembapan* (Hut) alat utk menyukat kandungan lembapan kayu secara langsung, sama ada dgn memasukkan elektrod ke dlm kayu atau meletakkannya pd permukaan kayu.

meterai lambang rasmi sesebuah organisasi yg dilekatkan pd dokumen, sijil, dsb sbg tanda keabsahan atau ketulenannya, cap mohor (utk raja-raja), segel, tera;

~ *tempel* Id cap yg ditampalkan sbg tanda penerimaan wang; ~

upah Id cap sbg tanda pembayaran (upah dll);

memeterai membubuh meterai pd (sesuatu), mengecap;

termeterai **1.** tertera, tercap, tersegel; **2.** ki tersimpul, terikat; ~ *dlm hati* terasa dlm hati;

pemeteraian proses memeterai: *perundingan EAEC yg dianjurkan oleh Malaysia sbg projek bersama dan ~ tiga dokumen.*

metia □ **mutiara.**

metil (métil) (Kim) sj radikal (-CH₃) yg terdapat dlm banyak sebatian organik;

~ *jingga* sj sebatian pewarna yg digunakan sbg penunjuk asid-bes (berwarna merah dlm larutan berasid dan berwarna jingga dlm larutan beralkali); ~ *merah* sj sebatian pewarna yg digunakan sbg penunjuk asid-bes (berwarna merah dlm larutan berasid dan kuning dlm larutan beralkali).

metilena (métiléna) (Kim) sj radikal bebas yg sangat reaktif; ~ *biru* sj sebatian organik yg digunakan sbg bahan pewarna dan penunjuk dlm analisis volumetri.

metimun □ **mentimun**.

metin Kl beluti-beluti yg meneguhkan dinding.

metode (méthode) **1.** cara melakukan sesuatu, sistem; **2.** Id buku pelajaran (kaedah belajar).

metodik (métodik) ilmu mengenai cara atau metode (terutama dlm bidang akademik).

metodis (métodis) menurut metode (cara yg tertentu).

metodologi (métodologi) sistem yg merangkumi kaedah dan prinsip yg digunakan dlm sesuatu kegiatan, disiplin, dsb.

metodos (métodos) metode.

metok (métok) Kl; *gemuk* ~ gemuk sangat.

metonimi (métonimi) (Lin) penggunaan nama sesuatu benda utk merujuk benda lain yg sifatnya ada hubungan logiknya, mis *bulan sabit* merujuk kpd Islam.

metrik (métrik) (sistem ukuran) yg menggunakan meter, gram, dan saat.

metro (métro) **1.** sistem kereta api bawah tanah yg terdapat di beberapa bandar raya di Eropah spt Paris; **2.** kereta api bawah tanah yg terdapat di beberapa bandar raya di Eropah spt Paris.

metrologi (métrologi) ilmu tentang sukatan (ukuran, takaran, dll).

metronom (métronom) (Muz) alat ukur tempo.

metropolis (métropolis) bandar raya utama bagi sesebuah negara atau kawasan.

metropolitan (métropolitan) **1.** berkaitan dgn atau mempunyai ciri metropolis; **2.** terdiri drpd bandar raya dan kawasan pinggir bandar.

mewa (méwa) Kl bingung, bodoh.

mewah (méwah) **1.** segala-galanya banyak (makanan, harta, dll), serba berlebih, serba elok: *kampung itu ~ dgn makanan*; **2.** sangat mahal dan memberi kepuasan serta keselesaan: *kereta ~, makanan ~; hotel ~;*

barang-barang ~ barang-barang yg elok tetapi tidak mustahak benar; *hidup ~* hidup dgn makanan dan barang-barang yg serba banyak;

bermewah berbelanja dgn berlebih-lebihan: *saya tidak mampu datang ke sini utk bercuti dan ~;*

memewahkan menjadikan mewah: *beliau tidak melakukan apa-apa utk ~ diri sejak menyertai politik;*

kemewahan perihal mewah: *ia sedar bahawa kesenangan dan ~ hidup yg dirasainya itu disebabkan harta pusaka Mak Haji sendiri.*

mewek (méwék) Jk menangis.

mezanin (mézanin) tingkat (lantai) perantara, terutamanya antara tingkat bawah dgn tingkat pertama (biasanya berupa balkoni) dlm sesebuah bangunan.

mg kep miligram.

Mg simbol kimia bagi magnesium.

MHz simbol bagi megahertz.

mi I 1. sj bahan makanan yg rupanya spt laksa tetapi biasanya berwarna kuning (diperbuat drpd tepung gandum dll); *~ halus* mihun; **2.** masakan drpd mi; *~ goreng* mi yg digoreng dgn perencah-perencahnya; *~ sup* mi yg berkuahkan sup.

mi II nada yg ketiga pd skala major.

miak; *ciak*-~ bunyi spt bunyi anak ayam dll.

miana sj tumbuhan (pokok, akarnya dibuat ubat sakit perut dll), *Coleus atropurpureus*.

miang 1. bulu yg terdapat pd rebung (daun jelatang dll) dan menggatal; 2. = ~ *gatal* gatal yg merenyam (pd kulit); 3. = ~ *gatal* ki suka mengurat sehingga kadangkala membawa pd bersetubuh, biang, gasang; ~ *jelatang* a) miang kerana kena jelatang; b) ki suka memfitnah, penghasut; *semiang kalam* kecil (sedikit) sekali;

habis ~ *kerana bergeser* prb hilanglah ketakutan atau canggung kalau sudah biasa mengerjakan sesuatu pekerjaan; *rebung tak* ~ , *bemban pula* ~ prb orang yg tidak campur tangan dlm sesuatu pekerjaan mendapat kesukaran sedangkan yg patut bersusah berdiam diri.

miap ark; *tiap*-~ tiap-tiap.

miatu Br begitu, spt itu.

MIC kep *Malaysian Indian Congress* (Kongres India Malaysia).

MIDA akronim bagi *Malaysian Industrial Development Authority* (Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia).

midar Jw beredar, berkeliling.

MIDF kep *Malaysian Industrial Development Finance* (Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad).

midi pakaian (gaun, skirt, dsb) yg labuhnya sampai ke pertengahan betis.

midik; *sidik*-~ dgn teliti atau hati-hati sekali (memeriksa sesuatu).

mieloma (miéloma) (Ubat) tumor malignan pd sumsum tulang.

mielin (miélin) (Bio) sj bahan putih bak lemak yg melindungi sesetengah gentian saraf.

MIER (miér) akronim bagi *Malaysian Institute of Economic Research* (Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia).

migrain sakit kepala yg berdenyut-denyut, teruk dan berulang datangnya (biasanya menyebabkan rasa sakit pd satu sisi atau bahagian kepala sahaja).

migran orang (atau haiwan) yg berpindah dr satu tempat (daerah, negara) ke tempat lain, penghijrah.

migrasi 1. perpindahan penduduk dr sebuah negara atau tempat ke negara atau tempat lain: ~ *atau perpindahan ini berpunca antara lain kerana kegiatan ekonomi*; 2. perpindahan (burung) dr satu tempat ke tempat lain apabila berlaku perubahan musim;

bermigrasi melakukan migrasi: *banyak kaum yg ~ ke Amerika Syarikat.*

mihrab Ar bahagian masjid (surau, langgar, dll) yg menganjur ke kiblat (tempat imam memimpin sembahyang).

mihun 1. sj bahan makanan spt mi yg halus-halus (diperbuat drpd tepung beras); 2. masakan drpd mihun: ~ *goreng*; ~ *sup*.

miju = **miju-miju** sj tumbuhan (herba dan buahnya), *Lens esculenta*.

mik ark denyut nadi (pd pergelangan tangan).

mika I Pr kata ganti diri kedua, engkau, kamu.

mika II (Kim) sj galian spt kaca yg boleh digunakan sbg pembebat (elektrik), semendal, abrak.

Mikail malaikat yg tugasnya memberi rezeki.

mikin = **semikin** bp makin.

mikologi cabang botani yg berkaitan dgn kajian tentang kulat.

mikopatologi bidang patologi yg mengkaji penyakit yg disebabkan oleh kulat.

mikoriza (Bio) hubungan simbiosis antara kulat dgn akar tumbuhan peringkat tinggi.

mikosis (Ubat) penyakit yg disebabkan oleh kulat, mis kurap.

mikotoksin (Bio) toksin yg dihasilkan oleh kulat.

Mikraj Ar peristiwa perjalanan Nabi Muhammad SAW naik ke langit.

mikro halus, kecil: *secara ~; neraca ~* Id dacing utk menimbang barang-barang yg sangat kecil.

mikro- *awalan asing* halus, kecil, mis *mikrocip* dan *mikroorganisma*.

mikrob organisma halus spt bakteria, virus, dan alga, yg biasanya hanya dapat dilihat dgn menggunakan mikroskop.

mikrobiologi cabang biologi yg berkaitan dgn kajian tentang organisma seni.

mikrocip (Komp) kepingan silikon yg sangat kecil (dlm komputer) dan mengandungi litar elektronik yg boleh menyimpan sejumlah besar maklumat, data, dsb.

mikroekonomi (mikroékonomi) cabang ekonomi yg berkaitan dgn firma, komoditi, pengeluar, pengguna dsb tertentu serta hubungan ekonomi antara sektor-sektor yg berkenaan.

mikroelektronik (mikroéléktronik) cabang ilmu elektronik yg berkait dgn komponen dan pembinaan litar yg sangat halus.

mikrofilem filem utk mengambil gambar atau merakamkan bahan bertulis dlm saiz yg kecil: *akhbar ini sebahagiannya terdapat dlm bentuk ~;*

memikrofilem(kan) merakamkan (menyimpan) bahan bertulis dlm bentuk mikrofilem.

mikrofis helaian filem foto yg dapat merakamkan data atau imej dlm saiz yg sangat kecil.

mikrofon alat utk mengubah gelombang bunyi menjadi gelombang elektrik bagi meninggikan tekanan bunyi spt dlm telefon, radio, dll, pembesar suara.

mikrogelombang (Fiz) gelombang elektromagnet yg sangat pendek dgn jarak gelombang antara 1-300 mm, digunakan terutamanya dlm perhubungan radio dan radar, memasak dsb, gelombang mikro.

mikrogram satu persejuta gram.

mikrograviti (Ast) graviti yg hampir sifar yg dialami oleh angkasawan di dlm kapal angkasa yg mengelilingi bumi.

mikrokomputer komputer yg kecil keupayaannya dan biasanya digunakan di rumah, sekolah, dsb.

mikrometer (mikrométer) **1.** alat utk mengukur dgn tepat jarak, ketebalan dsb yg sangat kecil; **2.** satu persejuta meter, mikron.

mikron ukuran panjang yg bersamaan dgn 0.000001 meter.

mikroorganisma (Bio) organisma halus (mis bakteria, virus, protozoa, dll) yg hanya dapat dilihat dgn mikroskop.

mikropemproses (mikropemprosés) (Komp) litar bersepadu tunggal yg berfungsi sbg unit pemrosesan pusat dlm mikrokomputer.

mikropsia (Ubat) kecacatan pelihatan yg menyebabkan sesuatu objek kelihatan lebih kecil drpd keadaannya yg sebenar.

mikroasaat satu persejuta saat.

mikrosatelit satelit kecil yg beratnya tidak melebihi 50 kg dan beroperasi dlm orbit rendah.

mikroskop alat yg menggunakan kanta utk menjadikan objek kecil kelihatan besar;

~ *elektron* mikroskop berkeupayaan tinggi yg menggunakan alur elektron utk menghasilkan imej yg diperbesar; ~ *majmuk* mikroskop yg mempunyai dua sistem kanta (kanta objek dan kanta mata); ~ *ringkas* mikroskop yg mempunyai sistem kanta tunggal.

mikroskopi penyelidikan yg dibuat dgn menggunakan mikroskop.

mikroskopik **1.** berkaitan dgn (penggunaan) mikroskop; **2.** terlalu kecil dan tidak dapat dilihat dgn mata kasar: *ternyata bilangan kompleks dapat dgn baik menjelaskan struktur ~ alam.*

mikrosurgeri (Ubat) pembedahan rumit yg dilakukan ke atas bahagian-bahagian tubuh yg sangat halus spt tisu, sel dll dgn bantuan mikroskop khas.

mikroton (Muz) jeda yg lebih kecil drpd semiton.

mikrowatt unit kuasa yg bersamaan dgn satu persejuta (10^{-6}) watt.

miksomatosis sj penyakit arnab yg berjangkit dan membawa maut.

miku sj tumbuhan (pokok), *Artocarpus lowii*.

mil Id ukuran jarak yg bersamaan dgn 1760 ela, batu.

milenium (milénium) tempoh masa seribu tahun, alaf.

milieu persekitaran sosial sekarang: *seorang pencipta sastera apakala dia merakamkan suara hatinya, dia memancarkan ~ dan semangat masyarakatnya.*

miligram ukuran berat yg bersamaan dgn 0.001 gram.

milik **1.** kepunyaan, hak: *semua tanah adalah ~ kerajaan pusat; ia berharap Asmah akan menjadi ~nya pd suatu masa kelak; ~ bebas* kepunyaan atau hak memiliki (tanah) yg tidak dibataskan tempoh hak miliknya dll; **2.** Id nasib baik, beruntung;

memiliki **1.** mempunyai: *rakyat berhak ~ harta; 2.* mengambil atau menjadikan sesuatu hak milik: *tidak dibenarkan ~ hak orang;*

termilik menjadi milik;

milikan apa yg dimiliki: *kejayaan negara mengikut ~ modal saham;*

pemilikan perihal memiliki: *~ tanah;*

pemilik yg empunya, tuan punya.

milik negara kepunyaan atau hak negara (spt perusahaan tertentu dll);

memiliknegerakan menjadikan (sesuatu) milik negara, menasionalisasikan: *beliau ~ harta mereka di Cuba;*

pemiliknegeraan perbuatan menjadikan (sesuatu) milik negara, nasionalisasi.

mililiter ukuran banyak yg bersamaan dgn 0.001 liter.

milimeter (miliméter) ukuran panjang yg bersamaan dgn 0.001 meter.

milir ke hilir; □ **hilir**.

milisaat satu perseribu saat.

milisi IB **1.** kewajiban utk berkhidmat dlm tentera, kerahan tenaga (dlm tentera) yg diwajibkan; **2.** orang yg masuk tentera oleh kerana kerahan.

militan **1.** sedia utk berjuang atau berperang; **2.** cenderung menggunakan keganasan, kekerasan, atau tekanan kuat utk mencapai sesuatu tujuan: *pelajar ~.*

militarisme faham ketenteraan.

militer (militér) Id askar, tentera, ketenteraan; *latihan ~ latihan tentera.*

militia pertubuhan yg bergerak ala tentera tetapi para anggotanya bukanlah tentera profesional: *peperangan ke atas penduduk Bosnia oleh ~ Serbia.*

millah Ar golongan (agama): *umatku akan berpecah kpd 73 ~ yg semuanya masuk neraka, kecuali satu ~.*

milo Id; *sekolah ~ sekolah menengah rendah pd zaman penjajah.*

milu ark jagung.

milyar seribu juta.

milyuner (milyunér) jutawan.

mim **1.** huruf yg ke-24 abjad Arab (mempunyai nilai 40); **2.** huruf ke-28 abjad Jawi.

mimbar **1.** Ar sj pentas atau panggung di dlm masjid tempat berkhotbah; **2.** Id ruangan (dlm surat khabar dll) tempat melahirkan fikiran atau pendapat.

mimeograf (miméograf) salinan stensil yg dicetak dgn mesin mimeograf: *manuskrip itu telah disediakan dlm bentuk ~.*

mimi Jw belangkas.

mimik I ark; **termimik-mimik** terkecap-kecap (ketika makan).

mimik II □ **memek II**.

mimik III meniru, mengajuk gaya, cara, dll seseorang atau sesuatu;

kemimikan (Bio) keadaan sifat, ciri, dll sesuatu haiwan yg menyerupai sifat, ciri, dll haiwan lain.

mimis peluru yg bulat-bulat, penabur.

mimisan Jw keluar darah dr hidung.

mimos (Sas) lakonan bersahaja dlm persembahan teater yg hanya menggunakan isyarat gerak-geri dan mimik muka tanpa sebarang perkataan utk mengungkapkan sesuatu kejadian, watak, aksi dsb.

MIMOS akronim bagi *Malaysian Institute of Microelectronic Systems* (Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia).

mimosa semalu.

mimpi 1. sesuatu yg terlihat atau dialami dlm tidur: *ia melihat segala-galanya dlm ~*; **2.** ki angan-angan; *berkelahi dlm ~* prb sesuatu perbuatan atau perkataan dgn tiada usul periksa tiba-tiba menjadi gaduh;

bermimpi 1. melihat sesuatu dlm mimpi: *maka ia ~ dirinya berpandangan dgn Rasulullah*; **2.** ki berangan-angan;

memimpikan 1. = **bermimpikan** bermimpi akan sesuatu: *malam itu Bidin tidur bermimpikan lampu-lampu hijau merah bergayutan*; **2.** ki mencita-citakan atau mengharap-harapkan sesuatu (yg bukan-bukan atau yg amat sukar dicapai): *drpd sikap acuh tak acuh itu, terkeluar kata-kata yg sama sekali tidak kumimpikan*; *Sigmund Freud mengatakan seniman selalu ~ kehormatan, kekuasaan, kekayaan, kemasyhuran, dan cinta wanita*;

termimpi terlintas dlm fikiran, terfikirkan sbg sesuatu yg mungkin dapat dicapai (diperoleh dsb): *kalau dahulu tidak ~ manusia boleh*

menjejakkan kaki ke bulan, kini rancangan sedang disusun utk pengembaraan ke bintang yg lain pula;

termimpi-mimpi 1. bermimpi kerana teringat-ingat atau terkenang-kenang akan sesuatu; 2. tampak terbayang-bayang dlm ingatan;

termimpikan dimimpikan: *satu ketika dahulu, dia tidak pernah ~ hak ini;*

mimpian 1. apa yg dilihat (dialami) dlm mimpi, khayalan; 2. ki cita-cita (yg mustahil); **impi**.

mimpin bp memimpin; □ **pimpin I**.

min nilai hitung panjang (pukul rata) bagi sesuatu set nombor; ~ *hujan tahunan* nilai hitung panjang hujan tahunan.

mina I ark sj ikan, ikan paus.

mina II Jk; *burung* ~ tiung.

minalaidinwalfaizin Ar semoga termasuk dlm golongan orang yg kembali kpd fitrah (suci drpd dosa) dan beroleh kejayaan, biasanya diucapkan pd Hari Raya Aidilfitri.

Minang singkatan bagi Minangkabau: *orang* ~.

Minangkabau suku bangsa yg tinggal di (atau berasal dr) wilayah Minangkabau, Indonesia.

minantu Mn menantu.

minat keinginan (kesukaan, kecenderungan) kpd sesuatu: *mereka mendengar cerita orang tua itu dgn penuh ~;*

berminat menaruh perhatian akan, cenderung kpd, gemar akan: *seluruh dewan penuh sesak dgn mereka yg ~ dlm jurusan siasah negara;*

meminati menggemari, memerhatikan, menginginkan: *kumpulan anak muda yg baru belajar ~ sastera; tulisan Ibnu Sina, Imam*

Ghazali, Maulana Jalaluddin Rumi, dikaji dan diminati oleh pendeta Barat;

peminat orang yg berminat (kpd sesuatu), penggemar: *mudah-mudahan buku ini dapat sambutan drpd para ~ kesusasteraan Melayu seluruhnya.*

minatu □ **benatu**.

minda akal fikiran, daya berfikir: *~ yg disuburkan dgn ilmu pengetahuan yg banyak, akan menjadi alat yg tajam utk mengatasi berbagai-bagai masalah dan mengilhamkan pemikiran baru; kita kurang menggunakan ~ utk berfikir.*

mindu; *~ kecil sj tumbuhan (pokok yg kulitnya dibuat ubat kudis dll), Melia azedarach.*

minduk Kl; *tok ~ penolong (perantara) dlm permainan puteri.*

mindring □ **mendreng**.

mineral **1.** bahan pepejal berhablur spt kuarza, arang batu, uranium, dsb, yg terdapat secara semula jadi dlm kerak bumi dan batuan, bahan galian; **2.** unsur bukan organik yg ringkas, biasanya diperlukan dlm kuantiti sedikit utk menjalankan metabolisme badan: *tubuh kita memerlukan beberapa ~ utama utk tumbesaran dan kehidupan yg sihat; bawang putih juga mengandungi dua ~ pelindung, iaitu selenium dan germanium, yg baik utk kesihatan tubuh manusia;*

memineralkan menjadikan sesuatu bahan mengandungi mineral.

mineralogi kajian tentang mineral.

minggat Jw meninggalkan keluarga, kampung, tempat tinggal, tempat kerja dll secara diam-diam kerana merajuk atau kecewa: *pekerjaku sudah ~ semua.*

minggir Jw pergi ke tepi, menyusur; □ **pinggir**.

minggong Jh bingung.

minggu 1. = *hari* ~ hari Ahad; **2.** tujuh hari, pekan: *se~ yg lalu, dua orang lagi pemuda Melayu telah ghaib entah ke mana;*

berminggu-minggu beberapa minggu, banyak minggu (lamanya dsb): *bukannya sehari dua, malah ~ lamanya;*

mingguan 1. (berlaku atau diadakan) setiap minggu: *Tengku berkata demikian setelah menghadiri sidang kabinet ~ yg diadakan di bangunan Parlimen hari ini;* **2.** (diterbitkan) setiap minggu (bkn akhbar, majalah dsb): *dia menunduk, mengambil akhbar ~ yg terbiar di atas lantai, lalu duduk di kerusi;*

seminggu-mingguan sepanjang minggu.

mingkin Jk makin;

mingkinan makin sangat, bertambah sangat.

minhaj Ar manhaj.

mini sangat kecil, sangat pendek: *bas ~; karipap ~; pasar ~.*

mini- awalan asing sangat kecil atau singkat, mis *miniskirt*.

miniatur 1. lukisan (atau catan) yg sangat kecil, terutamanya lukisan seseorang; **2.** salinan atau model sesuatu objek dlm bentuk yg dikecilkan; **3.** (bkn sesuatu yg ditiru) sangat kecil, kenit.

minikomputer sj komputer yg keupayaan pemrosesannya agak tinggi, antara keupayaan mikrokomputer dan kerangka utama.

minim IB sedikit atau kecil sekali.

minima □ **minimum.**

minimum (bilangan, banyak, dll) yg terkecil atau sedikit sekali;

meminimumkan mengurangkan dsb ke paras yg minimum atau paling kecil yg mungkin, menjadikan minimum: *~ dedahan sinaran yg tidak dapat dielakkan;*

peminimuman perbuatan mengurangkan (menurunkan) sesuatu ke tahap paling rendah: *soal ~ kos.*

miniskirt skirt yg sangat singkat (labuhnya dr atas paras lutut).

minit I tempoh masa yg lamanya 60 saat, 1/60 jam.

minit II catatan tentang apa yg telah diperkatakan (dibincangkan) atau dipersetujui (dlm mesyuarat, perundingan, dll).

minoriti golongan kecil orang yg sama keturunan, agama, budaya, dsb yg tinggal di sesebuah tempat (negara, daerah, dsb) yg majoriti penduduknya berlainan keturunan, agama, dsb: *kaum* ~.

minta 1. = **meminta** menyatakan mahu (akan sesuatu), memohon (utk mendapat sesuatu), pinta: *semalam Aini ada ~ ubat drpd Pak Ludin; mamak itu tersenyum sedikit apabila laki-laki cengkung itu ~ dia buat dua piring mi goreng*; **2.** = **meminta** mengucapkan (doa dll), melafazkan; **3.** = **meminta** melamar anak gadis supaya menjadi isteri, meminang; **4.** = **diminta** diharap (supaya), haraplah, sudilah: ~ *diam sebentar tuan-tuan*;

~ *aman* = ~ *nyawa* mohon supaya tidak dibunuh; ~ *ampun* = ~ *maaf* mohon supaya diberi ampun (maaf); ~ *berhenti* memberitahu hendak berhenti (drpd pekerjaan); ~ *diri* mohon supaya diizinkan pulang (pergi); ~ *doa* a) berdoa, mendoa; b) kenduri utk meminta selamat, selamatan; ~ *jalan* minta supaya diberi jalan (utk lalu); ~ *janji* meminta supaya menunaikan janji (menepati janji); ~ *sedekah* mengemis; ~ *selamat* minta supaya selamat; ~ *tabik* a) memberi hormat (salam); b) minta maaf (kerana hendak bertanya dll); ~ *tangan* minta diajar (dipukuli); ~ *terima kasih* mengucapkan terima kasih; ~ *tolong* mohon pertolongan (drpd orang lain);

minta-minta 1. = **berminta-minta, meminta-minta** minta sedekah, mengemis; *orang* ~ pengemis; **2.** bp mudah-mudahan, moga-moga: ~ *luluslah aku dlm peperiksaan tahun ini*;

berminta diminta (lwn dibeli); *licin kerana minyak* ~ prb sindiran utk merendahkan orang yg angkuh kerana barang yg dipinjam;

meminta 1. minta; 2. menentukan (nasib, hidup mati);

memintai memohonkan sesuatu berkali-kali, banyak yg diminta, memohon, memohon kpd;

memintakan meminta sesuatu utk (orang lain dll);

permintaan 1. perihal (perbuatan) meminta: *~nya supaya menceraikannya itu sungguh berat dirasa oleh suaminya*; 2.

sesuatu yg diminta, permohonan: *~ orang tampan itu diterimanya dgn segala senang hati*; 3. Mn peminta (nasib yg ditakdirkan Tuhan): *sudahlah nasib ~ badan, kita di bawah kehendak Allah*; 4.

(Eko) pernyataan kehendak atau kemahuan pembeli (utk barang atau perkhidmatan) dgn kesediaan membayar harga yg tertentu;

peminta 1. orang yg meminta; *~ sedekah* pengemis; 2. = sl

permintaan permohonan, apa yg diminta; 3. Mn nasib (yg ditakdirkan Tuhan); *buruk* ~ nasib buruk.

mintak I bp minta.

mintak II Ar ikat pinggang, bengkung.

mintakat Id bahagian atau daerah, kawasan; *~ dingin* daerah berhawa dingin.

mintakulburuj Ar garisan melengkung khayalan di langit yg terbahagi kpd 12 bahagian dan tiap-tiap satu dinamakan mengikut nama gugusan bintang dua belas, zodiak.

mintal montok, montel (kanak-kanak).

minterat Id, bp perbandaran.

mintuna ark 1. gamat; 2. bintang (rasi, Gemini).

minum = **meminum** 1. meneguk atau menelan sesuatu yg cair (air, susu, dll); 2. Id menghisap (rokok, candu, dll): *janganlah engkau ~ madat, kerana itu mendatangkan beberapa celaka dan kebinasaan*; *~ serasa duri, makan serasa lilin, tidur tak lena, mandi tak basah* prb seseorang yg sangat bersusah hati;

meminumkan **1.** memberi minum kpd: *seorang menyediakan makanan dan seorang lagi ~ air kepadanya dgn sepuas-puasnya;*

2. menyuruh (meminta supaya) minum; ~ *kuda;*

terminum **1.** minum dgn tidak sengaja, telah atau sudah diminum;

2. boleh (dapat) diminum;

minuman barang cair yg boleh diminum; ~ *keras* minuman yg memabukkan;

peminuman perbuatan (proses) meminum air dsb: *bahan radioaktif masuk ke dlm tubuh manusia melalui proses pemakanan dan ~;*

peminum orang yg suka (gemar, ketagih) meminum minuman keras.

minus **1.** kurang, dikurangi; *daerah* ~ Id daerah yg kurang menghasilkan bahan makanannya; **2.** tolak; *tanda* ~ tanda tolak.

minyak **I** cairan yg tidak boleh bercampur dgn air (diperoleh drpd tumbuh-tumbuhan, binatang, ataupun lombong), lemak yg cair;

~ *angin* sj ubat (utk menyembuhkan pening kepala, sakit perut, dll) yg diperbuat drpd campuran beberapa bahan; ~ *atar* sj minyak wangi (berasal dr negara Timur Tengah); ~ *babi* cairan lemak babi; ~ *bakar* Id minyak utk menjalankan enjin (kapal dll); ~ *bata* minyak yg diperbuat drpd buah suntai (boleh dimakan); ~ *benzin* minyak utk menggerakkan jentera dll; ~ *bumi* beberapa jenis minyak yg di lombong dr bumi; ~ *cat* minyak utk mencairkan cat;

~ *chenduai* sj minyak guna-guna (utk menarik hati perempuan); ~ *diesel* minyak yg digunakan utk enjin diesel; ~ *galian* minyak bumi; ~ *gas* = ~ *tanah* minyak yg mudah terbakar (dipakai utk lampu dll); ~ *goreng* minyak utk goreng-menggoreng; ~ *gosok* minyak yg digunakan utk mengurut; ~ *hitam* a) minyak yg agak pekat utk melicinkan perjalanan enjin; b) = ~ *tar* sj minyak yg

diperoleh dlm arang batu dan digunakan utk membuat jalan raya (mengawet kayu dll); ~ *ikan* minyak drpd lemak ikan paus dsb; ~ *jarak* (*kelapa, zaitun, dll*) minyak yg dibuat drpd buah jarak (*kelapa, zaitun, dll*); ~ *kacang* minyak yg diperoleh drpd kacang tanah, biasanya digunakan dlm masakan, produk farmaseutikal, sabun dsb; ~ *kelapa* minyak yg diperoleh drpd isi kelapa dan digunakan utk masakan, membuat sabun dsb; ~ *kelung* air atau cairan yg keluar dr pipi gajah yg sedang naik berahi; ~ *kelonyor* sj minyak yg harum dan mudah meruap (*eau de Cologne*); Id ~ *lincir* = ~ *pelicin* minyak utk melicinkan perjalanan mesin dll; ~ *linsid* minyak berwarna perang dan mudah terbakar yg diekstrak drpd biji flaks, digunakan dlm pembuatan cat, dakwat pencetak, linoleum, varnis dsb; ~ *masak* minyak spt minyak kelapa dan minyak sawit, yg digunakan utk memasak atau menggoreng makanan; ~ *mentah* minyak yg dilombong dan belum diolah lagi; ~ *mineral* minyak yg diperoleh drpd penyulingan petroleum yg digunakan sbg pelincir, pelembab dan dlm perubatan; ~ *pati* minyak yg diekstrak drpd tumbuhan dan mempunyai bau atau perisa tumbuhan tersebut, biasanya digunakan dlm membuat minyak wangi, sbg perisa dsb; ~ *parafin* minyak tanah; ~ *pekat* Id salap; ~ *pelincir* minyak utk melicinkan atau melancarkan pergerakan bahagian-bahagian enjin; ~ *perlu* campuran alkohol, ester, aldehid, keton, dll yg diekstrak drpd bahagian tumbuhan spt bunga, daun atau kayu, dan digunakan utk membuat minyak wangi dan perisa makanan; ~ *petrol* minyak utk menjalankan enjin dll; ~ *rambut* minyak utk melicinkan rambut; ~ *regular* = ~ *biasa* minyak petrol tanpa plumbum yg mempunyai kadar oktana yg rendah; ~ *sapi* = ~ *samin* sj minyak yg diperbuat drpd susu lembu dll; ~ *sawit* minyak yg diperoleh drpd buah kelapa sawit dan

digunakan utk masakan, membuat sabun dsb; ~ *sayur* minyak yg diperoleh drpd tumbuh-tumbuhan dan digunakan utk memasak, membuat majerin dsb; ~ *super* minyak petrol tanpa plumbum yg mempunyai kadar oktana yg tinggi; ~ *tetap* minyak lemak yg tidak meruap yg diperoleh drpd sayur-sayuran atau haiwan dan digunakan utk membuat bahan pelincir, sabun dsb; ~ *wangi* = ~ *raksi* minyak yg berbau harum (bau-bauan);

~ *dgn air adakah bercampur* prb orang yg bermusuhan atau yg tidak sehaluan mustahil dapat dicampurkan jadi satu; ~ *duyung perendang duyung* = ~ *kita juga yg digorengkannya* prb seseorang telah berbuat budi atau kebaktian kpd seorang raja atau orang kaya dgn menggunakan kekayaan orang itu sendiri; ~ *habis sambal tak enak* prb kekecewaan dlm perjodohan anak dgn menantu; *licin kerana ~ berminta, elok kerana kain berselang* prb sindiran utk merendahkan seseorang yg angkuh atau sombong kerana harta atau barang yg dipinjam; *memasukkan ~ tanah* prb menyalakan marah orang (menghasut) supaya perselisihan makin hebat; *sesudah arang-arang hendak ~ pula* prb sesudah mengotorkan nama orang sekarang hendak bermanis-manis pula dgn orang itu;

berminyak 1. mengandungi minyak, berisi minyak, berlemak, mengeluarkan minyak: *ikan yg ~ mengandungi zat vitamin A dan D*; **2.** memakai minyak: *rambutnya kering dan kasar tidak ~*;

~ *air mukanya* ki nampak berseri mukanya (kerana gembira dll); *pandai ~ air* ki a) pandai berkata-kata utk mencapai sesuatu maksud; b) pandai berpura-pura (bermuka-muka); c) pandai menggunakan sesuatu yg sebenarnya kurang baik;

~ *biar lecak = mati-mati ~ biar licin* prb tiap-tiap pekerjaan janganlah kepalang, biarlah sampai pd akhir kesudahannya; ~ *tak licin* prb alang kepalang, tanggung-tanggung;

meminyaki memberi berminyak, membubuh minyak pd, melumuri dgn minyak: *ia sibuk ~ segala bahagian jentera yg bergerak;*

perminyakan perihal minyak (perlombongannya dll); *sakramen ~* Id sj upacara bersembahyang utk orang yg hampir akan mati (Roman Katolik).

minyak II; ~ *beruk betina (putih)* sj tumbuhan (pokok), dedali paya, *Xanthophyllum curtisii*; *rumpul* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Cynodon dactylon*; *rumpul* ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput sepat, *Daemonorhops augustifolius*; *rumpul* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Isachne globosa*.

mioglobin (Ubat) protein yg membawa oksigen, yg mengandungi zat besi dan terdapat dlm sel otot.

miologi kajian tentang struktur, fungsi dan penyakit otot.

miopia (Ubat) cacat pelihatan yg menyebabkan objek jauh tidak dapat dilihat dgn jelas, rabun jauh.

mipat Kl salah, silap.

mipis ark nipis, tipis.

mir Pr gelaran utk orang lelaki yg beribukan syarifah dan berbakakan orang kebanyakan.

mirah sj permata yg berwarna merah.

mirai ark; *tirai*-~ bermacam-macam tirai.

mirat (mir.at) Ar cermin.

miriapod (Bio) haiwan (spt lipan, gonggok, dll) dlm kumpulan Myriapoda, berkaki banyak, badannya panjang serta beruas-ruas.

mirih Mn meleleh.

miring **1.** rendah sebelah (lantai dll), tidak datar; **2.** tidak tegak (letak sesuatu), condong: *ia memakai songkok yg diletakkan ~ ke kanan; tulisan ~ tulisan condong*; **3.** senget (perahu, kapal, dll): *kapal mereka mulai ~*; **4.** = *otak* ~ bp agak gila, kurang siuman; **5.** ki

berat sebelah (pengadilan, hukuman, dll), tidak adil; *biar ~ asalkan jangan tertelungkup* prb tidak mengapa rugi sedikit asalkan jangan habis semua sekali;

memiringkan menjadikan (meletakkan, membuat) miring, mencondongkan, menyengetkan: *payung mereka dimiringkan ke sebelah.*

mirip hampir sama atau serupa (dgn), menyerupai benar: *mukanya ~ ke wajah ayahnya;*

kemiripan perihal atau keadaan mirip (dgn).

miris bocor, tiris; *tiris-~* terlalu tiris, banyak tirisnya.

mirmekologi (mirmékologi) cabang zoologi yg berkaitan dgn kajian tentang semut.

miruk Kl berasa gerun atau takut.

mis. kep misalnya.

misa Id = ~ *kudus* = ~ *suci* upacara persembahan korban (roman Katolik).

misai I bulu yg tumbuh antara bibir atas dgn hidung, kumis;

~ bertaring bagai panglima, sebulan sekali tak bunuh orang prb rupa sahaja yg hebat dan garang, tetapi pengecut; *spt ~ pulang ke bibir* prb kembali ke tempat asalnya.

misai II; *daun ~ kucing* sj tumbuhan, ara batu; *rumpun ~ adam* sj tumbuhan (rumpai), *Themeda arguens.*

misal = **misalan** umpama, perumpamaan (perbandingan), contoh;

~ kata andai kata, seandainya; *~nya* contohnya;

semisal seperti, sebagai, seumpama;

memisalkan mengumpamakan, mengibaratkan: *dimisalkan dia sungguh melamar diriku, tentu harus kita ketahui asal usul dan sifat tabiatnya.*

misali berkaitan dgn seseorang yg boleh dijadikan contoh atau diteladani: *ibu ~*.

misan I bp manisan.

misan II Jk saudara sepupu.

misbah Ar lampu, pelita.

MISC kep *Malaysia International Shipping Corporation* (Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia).

miselium (Bio) jalinan bebenang halus yg membentuk jasad kulat dan merupakan bahagian yg terlibat dlm pembiakan tanpa seks.

misi I 1. perwakilan dr sesebuah negara ke negara lain utk sesuatu tugas; 2. urusan bkn penyiaran agama Kristian; 3. tugas khusus yg dipertanggungjawabkan kpd atau yg akan dilakukan oleh seseorang atau sesuatu kumpulan: *~ organisasi saya ialah mengadakan kemudahan pengangkutan udara dan perhubungan yg paling akrab dgn keperluan negara.*

misi II bp panggilan umum utk jururawat.

misih bp masih.

misil senjata yg dilancarkan utk menuju ke sasarannya secara kawalan jarak jauh atau kawalan automatik: *~ balistik.*

missing Kd cirit dan muntah-muntah kerana memakan kerang yg busuk.

miskal ukuran berat yg besarnya lebih kurang 4.2 gram (utk menimbang emas atau perak).

miskin tidak berharta benda, serba kekurangan (dlm barang-barang keperluan hidup), melarat, papa; *~ papa terlalu miskin; rumah ~ rumah tempat orang-orang miskin dijaga; biar ~ asal cerdik terlawan juga orang kaya prb kebijaksanaan itu lebih juga drpd kekayaan;*

memiskinkan menjadikan miskin;

kemiskinan perihal miskin, kekurangan, kepapaan: *bukan sedikit jumlah perempuan yg terjerumus ke liang kesengsaraan itu lantaran ~;*

pemiskinan perihal, perbuatan atau tindakan memiskinkan.

misoa, misoi sj bihun halus.

misogami perasaan benci terhadap perkahwinan.

misogini perasaan benci terhadap orang perempuan, terutamanya oleh orang lelaki.

misoginis lelaki yg benci pd orang perempuan.

mistar Ar **1.** kayu pembaris, kayu skala; **2.** baris, garis; ~ *hitung* sj kayu pembaris yg mempunyai bahagian yg boleh dikesot-kesot (digunakan utk mengukur dgn cepat).

misteri **1.** peristiwa, fenomena, dll yg tidak dapat diterangkan; **2.** cerita, filem, dll yg menimbulkan rasa ingin tahu dan saspens oleh sebab fakta-faktanya tersembunyi; **3.** orang atau benda yg menimbulkan rasa ingin tahu atau saspens oleh sebab tidak diketahui, kabur, atau membingungkan: *banyaklah ~ yg tidak pernah dapat dicari jawabannya;*

kemisterian keadaan penuh misteri.

mistik **1.** suluk, tasawuf: *dlm hal agama dan ~, ayah sangat fanatik;* **2.** keadaan ghaib yg tidak dapat diselami oleh pemikiran manusia, keanehan, keajaiban;

kemistikan keadaan mistik.

mistis IB bersifat mistik, mengandungi mistik atau unsur-unsur ghaib: *di kalangan masyarakat Dayak, Melayu memang dipercayai suatu kaum yg memiliki kuasa ~.*

mistisisme aktiviti keagamaan yg diamalkan dgn tujuan mencari pengetahuan dan kebenaran utk mendekati Tuhan (melalui meditasi dan sembahyang).

mistri Id penjaga geladak kayu di kapal.

misuh Jw memaki.

mitar sl penembak meriam.

mitasi I IB bp tiruan, palsu.

mitasi II IB □ **mutasi**.

mithali □ □ **misali**.

miting bp mesyuarat, perundingan.

mitologi 1. kumpulan (cerita) mitos; **2.** kajian tentang mitos.

mitos 1. cerita zaman dahulu yg dianggap benar, terutamanya yg mengandungi unsur-unsur konsep atau kepercayaan tentang sejarah awal kewujudan sesuatu suku bangsa, kejadian-kejadian alam, dsb; **2.** cerita tentang seseorang atau sesuatu yg tidak benar atau direka-reka, dongeng;

memitoskan 1. menjadikan sesuatu (kisah, cerita dsb) sbg mitos: *beliau mematikan watak Raden Kelang dgn ~ bahawa putera raja yg masih muda ini terbunuh di Kampung Keling*; **2.** mendewadewakan seseorang: *mereka berjaya juga mengurangkan aspek yg ~ tokoh-tokoh tersebut*;

kemitosan perihal (keadaan, sifat) mitos: *penjelasan yg meyakinkan wujudnya ~ sumpahan tersebut*;

pemitosan perihal memitoskan: *ada obsesi utk menemukan akar, nostalgia dan akhirnya ~ tanah asal yg telah hilang*.

mitraliur IB senapang mesin.

mizan Ar **1.** neraca; **2.** nama segugusan bintang (Libra).

mizmar (Muz) sj serunai Arab.

Mk. kep Mukim.

MKBB kep Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan.

mks kep meter, kilogram, dan saat (sistem unit asas).

MLH ke Maktab Latihan Harian (maktab tempat melatih guru sekolah rendah).

mm ke milimeter.

MMS ke *multimedia messaging service* (khidmat pesanan multimedia, iaitu khidmat yg membolehkan teks ringkas, e-mel, gambar dsb, dan bahan berbentuk multimedia dihantar dan diterima dgn menggunakan telefon bimbit yg biasanya mempunyai sistem WAP, komputer peribadi dsb).

Mn simbol kimia bagi mangan.

MNLF ke *Moro National Liberation Front* (Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro).

Mo simbol kimia bagi molibdenum.

mobil IB **1.** = **automobil** motokar, kereta; **2.** mudah bergerak atau digerakkan (dipindah-pindahkan); ~ *briged* pasukan yg boleh bergerak dgn cepat;

bermobil **1.** mempunyai kereta; **2.** naik kereta.

mobilisasi **1.** pengerahan orang utk masuk askar, kerah tenaga; **2.** pergerakan atau peredaran sesuatu sumber (kewangan dsb) utk mencapai tujuan tertentu: *jumlah modal itu telah mengehendkan ~ dana;*

memobilisasi, memobilisasikan **1.** mengerahkan orang supaya masuk askar, mengerahkan tenaga; **2.** menggerakkan sesuatu sumber (kewangan dsb) supaya beredar atau berpusing utk mendatangkan keuntungan dsb: *syarikat itu berfungsi utk ~ simpanan agar para penyimpan memperoleh keuntungan.*

mobilisir IB; **memobilisir** Id mengerahkan (tentera dll).

mobiliti perihal mudah bergerak atau digerakkan, perihal mudah berpindah tempat tinggal (bertukar pekerjaan dsb);

~ *industri* kebolehan pekerja berpindah dr satu industri ke satu industri yg lain; ~ *mendatar* pergerakan individu atau kumpulan dlm sesuatu masyarakat ke kedudukan (jawatan dsb) yg berlainan drpd yg diduduki sebelumnya tetapi tidak berubah dr segi status, kekuasaan, kelas dsb; ~ *menegak* perubahan kedudukan individu atau kumpulan dlm sesuatu masyarakat dr segi kelas, kekuasaan, status dsb; ~ *pekerja* (Eko) kebolehan para pekerja bertukar kerja atau berpindah tempat kerja.

mobrik Id kep *mobile brigade* (pasukan polis yg bersenjata spt tentera).

mocok Jw bekerja sementara (utk menggantikan orang dll).

mod (Komp) salah satu pilihan kaedah atau cara pengendalian pemprosesan sistem; ~ *capaian* pilihan tertentu drpd pelbagai kaedah capaian ingatan yg boleh dilakukan dlm sistem.

modal **1.** wang atau harta benda yg dipergunakan sbg pangkal atau pokok utk berniaga (menghasilkan sesuatu yg menambah kekayaan dll), pokok (utk berniaga): *jika sesuatu perniagaan itu rugi, akan tibalah masanya ~ utk menjalankan perniagaan itu habis; barang* ~ barang-barang yg dapat menghasilkan barang-barang lain (spt alat penenun dll); *penanaman* ~ perihal menggunakan modal utk mendapat keuntungan (dlm perniagaan, perusahaan, dll); **2.** ki sesuatu yg digunakan utk mendapatkan atau mencapai sesuatu yg lain: *kerbau itu cukup dijadikan ~ utk beristeri; baginya pelajaran adalah ~ terpenting utk mencapai kejayaan; 3.* ki bp buah fikiran, idea: *aku kehabisan ~ utk menyampuk cakap teman-temanku;*

~ *bergerak* = ~ *berpusing* modal yg boleh berpindah-pindah (spt barang-barang mentah, wang, dll); ~ *campuran* modal (usaha) gabungan; ~ *kerja* modal yg digunakan utk menjalankan sesuatu perniagaan; ~ *sambut* buah fikiran orang lain yg digunakan dlm

sesuatu percakapan (perbincangan dll); ~ *tetap* modal yg tidak dapat dipindah-pindahkan (tanah, bangunan, dll);

semodal berkongsi dlm perusahaan, ikut serta dlm urusan perniagaan dll; *orang* ~ orang yg turut sama menaruh modal dlm perusahaan dll;

bermodal mempunyai modal: *golongan kapitalis ~ besar*;

bermodalkan mempunyai (atau menggunakan) sesuatu sbg modal: *beliau memulakan perniagaan dlm bidang hiasan dalaman dgn ~ wang sebanyak RM25 ribu*;

memodali memberi modal (utk sesuatu perniagaan, perusahaan, dll): *beberapa orang saudagar telah ~ lombong-lombong itu*;

kemodalan perihal modal, bersifat mencari untung;

permodalan; *syarikat* ~ syarikat yg menanam modalnya dlm perniagaan atau perusahaan lain utk mendapat keuntungan;

pemodal orang yg memberi modal, penanam modal: *kebanyakan rumah haram di sekitar Kuala Lumpur, dibina oleh kaum ~ yg semata-mata mencari keuntungan*.

modalwan Id pemodal, kapitalis.

modar = *mati* ~ Jw a) mati dgn tidak disembelih (binatang); b) bk mati sia-sia, mati mengejut, mampus.

mode kebiasaan yg berlaku pd sesuatu waktu (pakaian, perhiasan, dll), cara (corak, ragam) yg terpakai pd waktu tertentu, fesyen.

model (modél) **1.** ragam (pakaian dll), cara, fesyen, jenis, dan reka bentuk tertentu sesuatu barang yg dikeluarkan: *motokar kerani ~ lama sahaja*; **2.** barang tiruan yg sama bentuk dan rupanya spt yg asal tetapi lebih kecil: *kanak-kanak lelaki lebih suka membuat ~ kapal terbang drpd membuat pakaian anak patung*; **3.** peragawan atau peragawati; **4.** seseorang atau sesuatu yg dapat dijadikan

contoh (utk ditiru atau diteladani): *kanak-kanak memerlukan ~ yg baik, yg boleh ditiru dlm perkembangan bahasa lisan yg baku.*

modeling pekerjaan, kegiatan dsb sbg model (peragawan atau peragawati) utk memperagakan fesyen pakaian, aksesori kecantikan dsb: *tidak salah kalau mereka menceburi ~ asalkan bijak membahagikan masa; dia menyertai pertandingan ini kerana meminati ~.*

modem (modém) (Komp) sj peranti yg digunakan utk membolehkan komputer berhubung antara satu sama lain melalui talian telefon; ~ *akustik* modem yg menggunakan pengganding akustik utk menyambungkan komputer pd gagang telefon.

moden dr masa sekarang, berkaitan dgn masa kini, yg terbaru, cara (kaedah) baru, mutakhir: *bahasa ~; senjata ~; alat kelengkapan ~;*

memodenkan menjadikan moden, membuat supaya jadi moden, membarui: *Mustafa Kamal telah mengadakan perubahan dan mencuba sungguh-sungguh ~ negerinya;*

kemodenan perihal moden (baru), sifat (ciri dsb) moden: *baik kaunseling dlm bentuknya sekarang yg banyak diselubungi ~, mahupun pd zaman awalnya yg lebih merupakan bimbingan akhlak semata-mata;*

pemodenan perihal (kegiatan, usaha, dsb) memodenkan, perihal menjadi moden, pembaruan: *kerajaan Jepun berusaha dgn lebih bersungguh-sungguh utk mempercepat ~ negeri itu; penyempurnaan dan ~ bahasa dlm menghadapi cabaran semasa perlu berlaku di negara-negara membangun.*

modenis orang yg menyokong fahaman modenisme: *antara golongan ulama dan ~.*

modenisasi perihal, proses, atau perbuatan memodenkan, pemodenan: *para sasterawan menjadi penggerak utama dlm proses ~ bahasa*

Melayu di Nusantara; masyarakat yg rata-rata bersifat berpuak-puak dan agraria ini tiba-tiba mendapati dirinya berdepan dgn pembangunan dan ~.

modenisme 1. pemikiran cara moden; 2. fahaman dan pendekatan seni yg menekankan seni lukis moden.

moderat 1. tidak keterlaluan (melampau), sederhana; 2. golongan (orang) yg berfahaman atau bersikap sederhana (mis dlm politik).

moderator 1. orang yg mengendalikan, mengawal dsb perbincangan dll supaya dapat mencapai kata sepakat, berjalan lancar dan teratur: *beliau akan menjadi ~ utk sesi dialog yg pertama*; 2. orang yg memastikan kekonsistenan piawai-piawai yg digunakan dlm memarkahi kertas peperiksaan dsb oleh para pemeriksa yg berlainan; 3. (Fiz) bahan yg digunakan utk melambatkan pergerakan neutron dlm reaktor nuklear: *bahan berilium oksida digunakan sbg ~ neutron dlm reaktor nuklear dan sbg penebat elektrik.*

moderen (modéren) IB □ **moden**.

modifikasi proses (perbuatan, tindakan dsb) mengubah sedikit sesuatu (keadaan, sifat dsb) supaya sesuai dgn keperluan (situasi, sifat, tujuan dsb) yg dikehendaki, pengubahsuaian: *penyunting terpaksa membuat ~ dlm cerita rekaannya itu; kaedah ~ tingkah laku klasik digunakan utk merawat penghidap skizofrenia;*

memodifikasi membuat atau melakukan modifikasi terhadap sesuatu, mengubah suai: *mereka juga boleh ~ tingkah lakunya mengikut keadaan; rawatan itu melibatkan manipulasi tubuh pesakit secara fizikal serta ~ perlakuan, makanan, ubat dan persekitaran sosial dan fizikalnya.*

modiste IB pembuat baju wanita.

modol; *lorok* ~ Id sangat pengotor.

modul 1. unit atau bahagian tersendiri yg lengkap dgn komponennya yg melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dgn unit-unit lain dlm sesuatu yg lebih besar; **2.** kursus, pelajaran (latihan dsb) yg dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran.

modulasi alun (tekanan) suara, perubahan nada yg tepat.

modus cara, gaya (aturan dll); ~ *operandi* cara (prosedur dsb) utk melakukan (melaksanakan) sesuatu.

modus vivendi (modus vivéndi) (Latin) kesepakatan sementara antara pihak yg bertelagah sebelum mencapai suatu penyelesaian.

moga I; moga-moga, semoga mudah-mudahan, kiranya, hendaknya, agar: *ia berdoa ~ dipelihara Allah akan anaknya itu bersama-sama dgn ibunya; semoga tuan berbahagia.*

moga II K1 benda, barang, perkara.

mogok 1. tidak bergerak (berjalan dll), berhenti: *motokarnya ~ di tengah jalan raya; 2.* tidak mahu bekerja: *kalau tidak dipenuhi tuntutan kita ini, kita ~;*

~ *duduk* mogok dgn tidak meninggalkan tempat kerja; ~ *kilat* mogok yg dilancarkan secara tiba-tiba tanpa memberikan apa-apa amaran sebelumnya; ~ *lapar* = ~ *makan* Id mogok dgn tidak mahu makan (sbg bantahan dll); ~ *liar* mogok yg dianjurkan oleh sekumpulan ahli kesatuan sekerja, biasanya tanpa kelulusan rasmi pemimpin kesatuan sekerja, dan kadang-kadang tidak mengikut atur cara yg biasa;

pemogokan perihal mogok: ~ *buruh kereta api;*

pemogok orang yg mogok.

moh bp ayuh, mari.

mohair (Tks) **1.** bulu kambing Angora yg panjang, lembut dan halus; **2.** benang atau kain yg diperbuat drpd bulu kambing Angora yg panjang, lembut dan halus.

Mohd. kep Mohammad.

mohon 1. bh minta, minta izin: *setelah itu maka sahaya ~lah pulang*; **2.** sl ampunilah (kerana menolak, mengingkari, dll), maafilah: *maka titah baginda, "Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?" maka sembahnya, " ~ patik, tuanku"*;

bermohon 1. meminta izin; ~ diri meminta izin pergi: *sahaya pun menyembahlah ~ diri hendak kembali*; **2.** mengemukakan permintaan, minta supaya diperkembangkan: *maka Upu Daeng Perani pun ~lah kpd sultan*;

memohon meminta (lebih halus): *kami ~ maaf atas kesilapan ini*;

memohonkan memintakan (sesuatu drpd): *mahu aku ~ kehendakmu itu kpd Allah Taala*;

permohonan apa yg diminta, permintaan: *segala ~nya utk mendapat kerja ditolak*;

pemohon orang yg memohon sesuatu; **pohon II.**

mohor cap (yg memperkenalkan sesuatu), tera, materai;

~ *syarikat* materai syarikat; *cap* ~ cap raja; *cincin* ~ cincin utk mematerai surat dll.

mojah kaus kaki, sarung kaki.

moka (ERT) sj kopi berperisa kuat yg dijadikan sbg bahan perasa kopi dan coklat dlm campuran kopi, kek, aiskrim dsb: *aiskrim* ~.

mokoh Tr duduk dgn menopang dagu.

mol (Kim) unit bagi banyaknya bahan yg mengandungi unit asas spt atom, ion, elektron, molekul, dll (yg bersamaan bilangan atom karbon dlm 0.012 kg isotop karbon yg berat atomnya 12).

mola Kl kendi besar yg dibuat drpd tanah liat putih.

mole (molé) sj tembakau.

molek (molék) cantik, bagus, elok (perbuatan, pakaian, dll);

memolekkan menjadikan molek;

kemolekan perihal molek, kecantikan, keelokan.

molekul (molékul) unit paling kecil sesuatu sebatian yg terdiri drpd dua atau lebih atom.

moler (molér) Jk perempuan lacur, sundal.

molibdenum (molibdénium) (Kim) sj unsur logam berwarna kelabu atau hitam dan digunakan utk membuat aloi, keluli, dsb.

molong Jh; *buah* ~ sj kuih drpd tepung yg dimasak dgn gula.

molor (Sunda) bk tidur.

molos (Sunda) ark mudah masuk (ke dlm lubang dll), lulus.

moluska golongan binatang yg berkerang (spt siput, tiram, dll), binatang lunak.

MOM kep Majlis Olimpik Malaysia.

momber (mombér) Kl (tanah yg) berlumpur.

momen (momén) **I** waktu yg sangat singkat, saat, detik, ketika.

momen (momén) **II** (Fiz) (ukuran) kecenderungan daya utk menghasilkan gerakan berputar.

momentum (moméntum) **1.** daya yg mendorong pergerakan sesuatu: *maka hasilnya tidak seberapa, lalu timbullah kekecewaan dan hilanglah ~nya; namun Jepun moden itu sendiri ternyata sedang menghadapi semangat yg kian kendur di kalangan generasi mudanya utk meneruskan ~ pemodenannya; 2.* hasil darab jisim dgn halaju sesuatu jasad.

momok 1. sj hantu yg disebut-sebut utk menakut-nakutkan kanak-kanak; **2.** ki sesuatu yg ditakuti (ancaman, tipu helah, dll): *agak sukar utk kita melihat ~ politik di sebalik sikap mereka itu;*

memomokkan 1. mendatangkan rasa takut, menakutkan, mengerikan, menggelisahkan: *pihak penjajah telah ~ gerakan utk menegakkan semula asas keturunan Melayu*; 2. membenci, memusuhi: *kaum penjajah ~ orang yg masuk politik*;

memomok-momokkan menimbulkan atau menyebabkan rasa takut-takut, menakut-nakutkan: *hari ini juga anak bangsa terus dibuai dan dimomok-momokkan dgn kisah silam yg semakin kusam*;

momokan bayangan perasaan yg menghantui atau menakutkan: *mungkin imaginasi anda sendiri akan menimbulkan pelbagai masalah, halangan, dan ~ tentang diri anda*.

monarki kerajaan (negara) yg diperintah oleh raja, sistem pemerintahan beraja: *politik dan ~ Melayu*.

monarkis pendukung sistem pemerintahan beraja.

moncong sj ikan laut, *Osteogeneiosus militaris*.

moncor Jk keluar mengalir, sakit cirit.

mondok I gemuk dan pendek; *tikus ~ sj tikus yg gemuk, Mus decumanus*.

mondok II Jw; **memondok** menumpang tidur (makan); □ **pondok**.

monel (monél); *logam ~ sj aloi tahan karat yg mengandungi nikel (67%), tembaga (28%), dan logam-logam lain (5%)*.

moner (monér) Kl; *licin ~ habis licin*.

monetari (monétari) (Eko) berkaitan dgn wang atau mata wang: *dasar ~ memberi kesan kpd keputusan pelaburan pengeluaran minyak kelapa sawit*.

monetarisme (monétarisme) dasar kawalan terhadap peredaran wang sbg langkah utama menstabilkan ekonomi sesebuah negara.

moneter (monéter) IB (bkn) kewangan.

mong 1. bunyi canang (gong); 2. gong; **mungmung**.

mongel (mongél) **1.** kecil molek, cantik; **2.** menarik hati (anak);

kemongelan kecantikan: *menatap dan menikmati ~ tubuh Jane Fonda.*

monggok □ **mongkok I.**

monggol berbonggol; □ **bonggol.**

monggor □ **mungkur.**

mongkok I = bermongkok 1. (kelihatan, tampak) lebih tinggi drpd yg lain, tertinggi; **2.** ki lebih baik (elok, unggul, utama).

mongkok II Pr, bp membongkok.

monitor 1. alat utk mengawasi dan merakamkan terus-menerus perjalanan dsb sesuatu serta memberi isyarat amaran tentang sesuatu kemungkinan yg tidak baik; **2.** peti (spt peti televisyen) yg digunakan utk memaparkan data atau maklumat dr komputer, unit paparan video;

memonitor mengawasi serta merakamkan terus-menerus perjalanan dsb sesuatu serta memberi isyarat amaran tentang sesuatu kemungkinan yg tidak baik;

pemonitoran perihal (perbuatan) memonitor.

mono- *awalan asing* satu atau tunggal, mis *monolog* dan *monosakarida*.

monoatom (Kim) bkn molekul yg terdiri drpd satu atom sahaja (mis argon, helium, neon, dll).

monodrama karya drama yg dituliskan utk seorang pelaku.

monofobia perasaan takut yg keterlaluan ketika berada seorang diri.

monoftong (Lin) bunyi vokal tunggal yg tidak mengalami perubahan dr segi kualiti dr awal hingga akhir pengeluarannya, berbanding dgn diftong.

monogami amalan berkahwin dgn satu orang sahaja pd sesuatu masa.

monoglot 1. menggunakan satu bahasa sahaja; **2.** orang yg hanya bertutur dlm satu bahasa.

monograf tulisan, huraian, rencana, dsb bkn sesuatu perkara atau masalah yg khusus atau bkn sesuatu aspek drpd sesuatu bidang ilmu.

monogram reka bentuk yg melambangkan parap (huruf pertama nama seseorang) yg biasanya digores pd sesuatu (spt pen, sapu tangan).

monokotiledon (monokotilédon) tumbuhan yg mempunyai satu kotiledon sahaja.

monokrasi pemerintahan yg dijalankan oleh seorang pemerintah sahaja.

monokrom mempunyai atau menggunakan satu warna sahaja.

monoksida (Kim) sebatian yg mengandungi satu atom oksigen sahaja (mis karbon monoksida).

monokultur pertanian yg berasaskan sj tanaman sahaja.

monolit (Geo) bongkah batu tunggal yg tegak, biasanya berbentuk spt tiang atau tugu.

monolitik merujuk kpd suatu kesatuan yg besar dan sukar diubah: *pemerintahan ~; individu tenggelam dlm sistem pasaran yg meluas dan ~.*

monolog **1.** percakapan yg agak panjang oleh seorang pelakon sahaja dlm sesebuah drama filem: *bahan ini berupa ~ yg kadang-kadang diselangi pertanyaan dan seruan orang yg mendengarnya*; **2.** adegan drama atau sandiwara dgn seorang sahaja pelakonnya yg menyampaikan percakapan seorang diri; **3.** percakapan panjang lebar oleh seorang penutur sahaja, biasanya menafikan kesempatan orang lain utk bercakap atau mengeluarkan pendapatnya;

bermonolog melakukan monolog: *apatah lagi apabila saya kena ~ hampir 25 minit di pentas; bukan hanya bisikan dlm diri dan ~ semata-mata.*

monomer (Kim) molekul ringkas yg berpadu dgn beberapa molekul yg sama (atau yg berlainan) utk membentuk polimer.

monomania keadaan fikiran yg terlalu asyik memikirkan suatu idea, isu, minat dsb.

monopoli **1.** penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu barangan, perdagangan, perkhidmatan, dsb dlm pasaran tertentu oleh seseorang, sesebuah firma, atau sekumpulan orang atau firma; ~ *asing dlm perdagangan telah dapat dipatahkan oleh ahli-ahli perniagaan anak negeri*; **2.** pemikiran atau penguasaan sesuatu yg tidak boleh dikongsi dgn orang atau pihak lain: *Islam bukan ~ orang Arab*;

memonopoli **1.** menguasai sesuatu (perdagangan, perkhidmatan, dsb) dgn bebas tanpa menghadapi saingan: *Portugis dan Belanda datang ke alam Melayu ini bertujuan utk ~ perdagangan*; **2.** mempunyai, mengawal, atau menggunakan sesuatu (peluang dll) sepenuhnya;

pemonopolian perbuatan (proses) memonopoli;

pemonopoli orang atau pihak yg memonopoli sesuatu (perniagaan, perkhidmatan dsb): *undang-undang ini bertujuan mengelakkan ~ drpd mengaut keuntungan yg berlebihan*.

monopsoni (Eko) keadaan pasaran apabila barangan atau perkhidmatan yg ditawarkan oleh beberapa orang penjual, dibeli oleh seorang pembeli sahaja.

monorel (monorél) kereta api yg berjalan di atas rel tunggal (biasanya di aras yg tinggi).

monosakarida (Bio) gula ringkas (spt glukosa) yg tidak dapat diuraikan lagi menjadi gula lain.

monosemi (Lin) kata yg mempunyai satu makna sahaja.

monosit (Ubat) sel darah putih yg mempunyai satu nukleus besar, berbentuk spt buah pinggang dan bersifat fagosit.

monotaip (Cetak) mesin utk membuat huruf (percetakan), dgn cara dituang satu per satu.

monoteis (monotéís) orang yg menganut faham monoteisme.

monoteisme (monotéisme) kepercayaan bahawa Tuhan itu hanya satu.

monotoni tidak adanya keragaman (pd nada, kerja, dsb).

monovalen (Kim) bkn sesuatu unsur dll yg valensinya satu.

monsun 1. angin bermusim di Asia Selatan yg bertiup dr Barat Daya pd musim panas dan Timur Laut pd musim sejuk; **2.** musim hujan sewaktu monsun Barat Daya bertiup dr bulan April hingga Oktober.

montaj gambar, filem, gubahan lagu, atau penulisan yg terdiri drpd bahagian yg berasingan dan digabungkan menjadi satuan yg menarik.

montek (monték); *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar serepat, akar suluh hutan, *Urceola torulosa*.

montel (montél) berisi lagi sihat (badan), berisi lagi cantik.

montir IB tukang memasang atau membaiki enjin (motokar dll), fomen.

montok 1. penuh berisi (bkn tubuh atau bahagian tubuh), gemuk berisi, besar lagi padat, montel: *air mata berlinang di pipinya yg masih ~ itu*; **2.** besar dan bernas (tetek);

kemontokan perihal montok.

monumen bangunan (patung dll) yg dibina utk memperingati seseorang atau sesuatu peristiwa penting, tugu.

monyeh (monyéh) Kd; **termonyeh-monyeh** tersengih-sengih.

monyel (monyél) Tr habis.

monyet (monyét) sj binatang yg hampir sama dgn kera;

baju ~ baju yg bersambung dgn seluar (dipakai oleh kanak-kanak);

cinta ~ cinta kasih yg keanak-anakan; *pintu* ~ pintu yg berdaun dua (di atas dan di bawah);

keras menjadi ~ prb sama sahaja halnya; *spt* ~ *mendapat bunga* (adakah ia tahu akan faedah) prb tiada tahu menghargai sesuatu yg elok.

monyok Kd **1.** masam muka; **2.** bersedih.

monyong Jk muncung, jongor.

monyos ark malu, kemalu-maluan;

termonyos tersipu-sipu (kemalu-maluan).

mop alat pengelap lantai dll (dibuat drpd bahan serap air yg berambu yg diikatkan pd pemegang).

mopit C sj kalam Cina (utk menulis tulisan Cina); **pit II.**

mor; *tanah* ~ tanah lapang yg tidak digunakan (biasanya ditumbuhi bermacam-macam pokok belukar).

mora (Lin) unit terkecil utk mengukur kuantiti atau kepanjangan dlm sistem prosodi, biasanya lebih pendek drpd satu suku kata.

morain (Geo) longgokan atau timbunan tanah, batu, puing, dsb yg diseret dan dimendapkan oleh glasier.

moral 1. ajaran atau pegangan tentang buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan, kewajiban, dll), sikap atau cara berkelakuan yg berasaskan atau yg diukur dr segi baik buruk sesuatu akhlak: *kadang-kadang, dongeng itu memang perlu sbg saluran pendidikan ke arah membentuk akhlak atau ~ yg baik; Datuk Penghulu ini sangat fanatik dlm perkara menjaga ~*; **2.** berkaitan dgn apa yg betul atau adil; *bantuan* ~ bantuan dgn kata-kata yg mengakui kebenaran atau yg menyokong seseorang atau sesuatu pihak (bukan berupa kebendaan); *kemenangan* ~ kemenangan mempertahankan sesuatu yg benar; **3.** semangat utk menghadapi ejekan (olokan) demi mempertahankan kebenaran;

bermoral mempunyai moral, berakhlak: *pengarang menggambarkan Aminah sbg perempuan yg ~ rendah; tidak ~*

tidak berakhlak, sangat buruk (bkn tingkah laku), bertentangan dgn ciri-ciri akhlak yg dianggap baik (bkn perbuatan dsb).

moralis orang yg berpegang teguh pd (mengajar, mengamali) kebaikan atau keadilan.

moralisasi ajaran (petunjuk, nasihat, dll) bkn perbuatan atau kelakuan yg baik.

moraliti prinsip akhlak atau kelakuan yg baik (atau mulia): *budi merupakan landasan ~ dan etika Melayu.*

morat I; *~-marit* tidak teratur, kucar-kacir, kacau-bilau, tidak keruan.

morat II Pr sebab.

moratorium penggantungan atau penangguhan sesuatu kegiatan secara persetujuan bersama.

moreh (moréh) jamuan di masjid atau surau dlm bulan puasa, biasanya selepas bertarawih dan bertadarus.

moreng (moréng); *coreng-~* penuh dgn coreng; □ **coreng I**.

mores (morés) I sj kain; **muris I**.

mores (morés) II (Ant) tatalaku, adat, kebiasaan dsb yg sudah mendasari nilai-nilai kehidupan sesuatu kumpulan atau masyarakat.

morfem (morfém) (Lin) satuan terkecil dlm bahasa yg mempunyai erti atau fungsi tertentu: *perkataan "perumahan" terdiri drpd satu ~ bebas iaitu perkataan "rumah" dan dua ~ terikat iaitu "pe(r)-" dan "-an"*.

morfin sj dadah yg melalikan yg diperoleh drpd candu dan digunakan utk melegakan kesakitan, dan jika disalahgunakan akan mengakibatkan ketagihan.

morfina (Kim) morfin.

morfofonem (morfofoném) (Lin) unit fonologi yg terdiri drpd set fonem yg hadir sbg alomorf sesuatu morfem.

morfofonemik (morfofonémik) kajian tentang kelainan fonologi dlm alomorf.

morfologi 1. kajian tentang pembentukan kata dlm sesuatu bahasa, termasuk infleksi, terbitan, dan pemajmukan; **2.** cabang biologi yg berkaitan dgn bentuk dan struktur organisma; **3.** kajian tentang struktur dan bentuk sesuatu.

mori kain putih (utk dibuat kain batik).

morong sj periuk atau cerek (tempat memasak teh).

mortaliti (Bio) kadar kematian.

mortar I sj meriam pendek utk menembakkan peluru, tinggi ke udara, pd jarak yg dekat: *sebutir peluru ~ telah dijumpai berhampiran dgn lombong kira-kira tiga batu dr Sungai Raya.*

mortar II (S.bina) bahan binaan yg terdiri drpd campuran pasir, kapur, simen dan air dgn kadar tertentu utk mengikat bata, batu, jubin dsb, lepa.

mortir IB mortar.

mosi IB cadangan yg dikemukakan dlm mesyuarat (rapat dll) supaya dibincangkan dan diputuskan, usul; ~ *kepercayaan* mosi yg menyetujui kebijaksanaan pemerintah (pengurus dll); ~ *tidak percaya* undi atau usul tidak percaya.

mota I sj tumbuhan (rumpai yg umbinya boleh dibuat ubat), *Cyperus rotundus*.

mota II; kain ~ sj kain yg kasar tenunannya (utk layar dll).

motal Kl sj botol besar, setoples.

motel (motél) hotel yg dibina berhampiran dgn jalan raya, dan menyediakan kemudahan khas, terutamanya tempat letak kereta yg berhampiran dgn bilik penyewa.

motif 1. sebab (tujuan) yg mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertindak: *soal kesusasteraan ini juga tidak terlepas drpd ~*

ekonomi, kerana apa gunanya mengarang kalau tidak dibeli orang; 2. dasar fikiran atau pendapat: cerita ini juga memperlihatkan ~ pengarangnya yg tegas sekali; 3. pokok (dasar, tema) dlm sesebuah cerita dll: hikayat yg mempunyai ~ dua orang asyik-maksyuk bercerai tetapi akhirnya bertemu kembali; 4. sesuatu yg dijadikan dasar atau corak pd lukisan (ukiran dll): penenun Iban paling gemar menggunakan ~ manusia, binatang, dan tumbuh-tumbuhan;

bermotifkan mempunyai (menggunakan) sesuatu sbg motif, berasaskan, berpunca drpd: *pending yg dijumpai di Perak itu ~ bunga teratai; pembunuhan itu mungkin ~ perasaan dendam.*

motivasi 1. keinginan yg keras atau semangat yg kuat pd diri seseorang yg mendorongnya utk berusaha atau melakukan sesuatu dgn tujuan utk mencapai kejayaan: *sikap dan ~ terhadap pembelajaran sesuatu bahasa merupakan faktor penting yg menentukan kejayaan seseorang pelajar yg mempelajari sesuatu bahasa; 2. sesuatu yg membuat atau mendorong seseorang berusaha atau melakukan sesuatu dgn penuh minat: dlm temu duga juga, kaunselor dikehendaki memberikan ~ supaya klien bekerjasama dengannya;*

bermotivasi mempunyai motivasi, ada motivasinya: *kebanyakan remaja begitu ~ utk mengikuti latihan;*

memotivasikan memberikan dorongan, galakan, semangat, dsb utk melakukan sesuatu, mendorongkan, membangkitkan, menggalakkan: *setiap orang mestilah ada rancangan utk ~ diri sendiri demi kecemerlangan hidup; salah satu usahanya ialah ~ para pekerja.*

moto kata semboyan, cogan kata;

bermotokan mempunyai (menggunakan) sesuatu sbg moto:
keluaran sulungnya yg ~ kebudayaan dan pengetahuan.

motobot bot yg dijalankan dgn motor.

motokar kenderaan beroda empat yg digerakkan dgn enjin pembakaran dalam, kereta;

bermotokar **1.** memiliki motokar; **2.** menaiki motokar.

motor **1.** alat yg menukar satu bentuk tenaga menjadi tenaga mekanikal utk menghasilkan gerakan; ~ *sangkut* = ~ *tempel* Id enjin yg dilekatkan di buritan perahu (utk menggerakkan perahu); **2.** bp (sesuatu) yg dijalankan dgn motor; *perahu* ~ motobot; *sepeda* ~ Id motosikal; **3.** Id motokar, kereta;

bermotor **1.** Id menaiki motokar atau motosikal; **2.** dilengkapi motor, memakai motor: *basikal* ~;

permotoran hal (kegiatan, sukan dsb) yg berkaitan dgn kenderaan bermotor: *kegiatan di litar itu akan ditingkatkan dgn pelbagai bentuk sukan ~ spt perlumbaan go-kart dan kereta; kemajuan Proton yg menjadi pemangkin industri* ~.

motoris Id pemandu trem.

motosikal sj kenderaan beroda dua yg dijalankan dgn enjin;

bermotosikal menunggang atau menaiki motosikal: *dia ditembak oleh penyerang yg ~ di luar kedai.*

MoU kep *Memorandum of Understanding* (Memorandum Persefahaman).

moya sj tumbuhan, ludai paya.

moyang bapa atau ibu kpd datuk, nenek kpd bapa atau ibu; *adat nenek* ~ adat istiadat yg turun-temurun; *nenek* ~ datuk-datuk sebelum kita, leluhur.

moyanganda bh moyang.

moyok tidak cergas (kerana sakit, tua, dll), lembap dan tidak bersemangat;

memoyokkan menyebabkan menjadi moyok: *herdikannya terus ~ cucunya yg asyik bermain;*

kemoyokan perihal (sifat atau keadaan) moyok: *~ wajahnya jelas kelihatan.*

moyot ibu atau bapa kpd moyang.

mozarella (mozaréla) (ERT) sj keju separuh lembut yg berasal dr Itali, biasanya digunakan dlm piza dan masakan lain.

mozek (mozék) kepingan kecil batu, gelas, dsb berwarna yg dipasang pd lantai, tembok, dsb.

MPIK kep Maktab Perguruan Ilmu Khas.

MPM kep Majlis Perdagangan Malaysia.

MPSI kep Maktab Perguruan Sultan Idris.

MPV kep *multipurpose vehicle* (kenderaan serba guna, iaitu sj kenderaan yg menyerupai van, yg tempat duduk penumpangnya boleh diubah-ubah).

Mr. Id kep *Meester in de Rechten* (peguam).

MRSM kep Maktab Rendah Sains Mara.

MSc kep *Master of Science* (Sarjana Sains).

MS-DOS kep *Microsoft disk operating system* (sistem pengendalian cakera Microsoft, iaitu sj sistem pengendalian yg popular utk mikrokomputer).

MSG kep *monosodium glutamate* (monosodium glutamat, iaitu sj bahan utama yg digunakan dlm cecair atau serbuk perasa makanan spt *Ajinomoto*).

MSSM kep Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia.

MSN kep Majlis Sukan Negara.

MTC kep *Malayan Teachers College* (Maktab Perguruan Tanah Melayu).

MTUC kep *Malaysian Trade Union Congress* (Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia).

mu I huruf ke-12 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol M, μ.

mu II singkatan bagi kamu: *rumah~; kereta~*.

mua I **1.** terlalu dimanjakan: *anaknyanya itu sangat ~*; **2.** melampau (tingkah laku, perbuatan): *budak-budak sekarang ini kalau diberi muka, ~lah mereka;*

memuakan memanjakan: *ikutlah cakap dia, muakan, manjakan.*

mua II Br muka.

mua III; *ikan ~ belut.*

muaddib Ar pengajar, pengasuh, pendidik.

muafakat **1.** setuju, seia sekata: *maka segala hulubalang sekalian ~lah dgn kata Laksamana itu*; **2.** sesuatu yg dipersetujui, pernyataan setuju, persetujuan: *dgn ~ bersama, kami bermalam di situ; mencapai kata ~ mencapai persetujuan*; **3.** perundingan, pembicaraan, permesyuaratan: *setelah sudah putus ~ itu, maka sahaya sekalian pun belayarliah keluar dr Kuala Kelantan*; **4.** berunding (bermesyuarat) dgn: *hendaklah engkau ~ segala menteri orang besar-besarmu*; **5.** seia, sepakat: *jangan kamu ingin akan isteri orang dan anak hamba kamu, dan hendaklah kedua kamu ~ dua bersaudara*;

semuafakat seia sekata, sepakat, setuju: *tidak ada faham ~ dlm rombongan itu sendiri*;

bermuafakat berunding (utk mencapai sesuatu persetujuan), bermesyuarat: *~lah sahaya sekalian bersama-sama sebab angin terlalu keras*;

memuafakati **1.** mengajak bercakap atau berunding (bkn sesuatu);
2. menyetujui;

memuafatkan **1.** membincangkan atau membicarakan sesuatu
dgn: *hal ini perlu dimuafatkan terlebih dahulu*; **2.** sl
mempersetujuan, mempersesuaian: *baginda fikir berbicara
hendak muafatkan Seri Nara Diraja dgn Paduka Raja*;

kemuafakatan **1.** perihal muafakat (mendapatkan kata sepakat),
kesepakatan: *apabila sudah putuslah ~nya, maka lalulah ia
belayar mengembara*; **2.** persetujuan, perjanjian: *dgn ~ segala
orang besar*;

permuafakatan **1.** perihal bermuafakat, perundingan; **2.**
persetujuan, kata setuju: *hal itu hanya dapat diadakan dgn
kerjasama dan ~ antara para wartawan dan ahli-ahli
kebudayaan*; **3.** mesyuarat: *mesyuarat yg berminit dipandang
lebih penting drpd ~ yg dibuat secara tidak rasmi*.

muafik Ar makmum yg sempat menghabiskan bacaan fatihahnya pd
rakaat pertama bersama imam dlm solat.

muahad Ar; *kafir* ~ orang kafir yg mengikat perjanjian tidak melawan
umat Islam, tidak kira sama ada mereka berada di dlm atau di luar
kawasan takluk Islam.

muai = **memuai** menjadi kembang (bahan yg direbus, direndam,
dimasak, dll), bangun atau bangkit (kuih, adunan, dll); ~ *panjang*
Id menjadi besar menurut panjangnya;

permuaian; *ilmu* ~ Id pengetahuan bkn cara membuat arak dll.

muak **1.** sudah jemu (kerana selalu benar memakan sesuatu), bosan; **2.**
berasa loya atau hendak muntah, mual: *sila Wan minum air di
pangsa durian ini supaya menghilangkan panas dan rasa ~*; **3.**
berasa jijik atau benci (kerana melihat atau mendengar sesuatu):
kami sudah ~ dgn taktiknya yg terlalu berhati-hati; **4.** (Kim)

keadaan sesuatu benda (spt air, gas, dll) yg dicampuri dgn benda yg lain sehingga benda yg pertama itu tidak dapat lagi menerima atau bersebuti dgn benda yg dicampurkan itu, tepu;

memuakkan 1. menimbulkan perasaan muak, menjemukan, meloyakan, memualkan: *bau makanan itu ~nya*; 2. menyebabkan jadi muak (dua benda yg dicampurkan), menepukan.

mual I 1. berasa hendak muntah, loya, muak: *perutnya ~ hendak muntah*; 2. ki berasa bosan sekali, jijik, meluat: *Minah sudah mulai berasa ~ tentang kelakuan pemuda itu*;

memualkan menjadikan (menyebabkan) mual, memuakkan: *bau hanyir yg keluar dr luka itu ~*;

kemualan perihal mual: *tingkah laku anak gadis yg serba gelisah itu diteliti oleh mereka dgn penuh ~*.

mual II □ **muai**.

muala sj burung, *Psittinus cyanurus*.

mualaf I Ar sudah diterbitkan (buku), penerbitan.

mualaf II Ar orang yg baru memeluk agama Islam, saudara baru.

mualamat Ar ilmu pengetahuan.

mualif Ar pengarang, penulis.

mualem Ar 1. orang yg ahli dlm agama, guru (agama); 2. (kapal) penunjuk jalan; 3. = ~ kapal jurumudi.

muamalah, muamalat Ar segala perkara (hal) yg tergolong dlm atau yg berkaitan dgn bidang kemasyarakatan: *tradisi Islam dr segi syariat, ~, dan Usul al-Din wajarlah dikuasai dgn sebaik-baiknya*.

muara tempat air sungai masuk ke sungai lain atau ke laut, kuala: *adakah tuan-tuan melihat dua buah perahu besar berlabuh di ~?*; *hidup dua* ~ prb hidup dgn dua pencarian atau penghidupan;

bermuara masuk atau mengalir ke sungai (laut dll): *Sungai Kelang ~ di Selat Melaka*.

muas ark menjadi cair, larut.

muasal = *asal*-~ asal mulanya, sejak dahulukala.

muassasah Ar badan yg ditubuhkan utk mengurus pelbagai perkara dsb yg berhubung dgn jemaah haji (iaitu menggantikan syeikh haji di Mekah).

muat 1. ada ruang utk diisi (diduduki, ditempati, dll), dapat berisi:

Ramlan tidak mahu membawa dia dan isterinya bersama dgn

alasan keretanya tidak ~; 2. ada (terkandung) di dalamnya, berisi;

~ naik (Komp) tindakan memindahkan fail dr stesen komputer

pengguna ke stesen komputer utama melalui talian rangkaian; *~*

turun (Komp) tindakan memindahkan fail dr stesen komputer

utama ke stesen komputer pengguna melalui talian rangkaian;

bermuat 1. berisi atau diisi dgn: *tiap-tiap perahu itu ~ dgn tiga*

puluh orang; adapun kapal-kapal sekalian itu ~ askar dan Supai

orang Benggali; 2. sl mengisi atau memunggah barang (ke kapal,

perahu, dll);

bermuatan mempunyai atau berisi muatan: *sebuah lori yg ~*

beberapa batang kayu balak;

memuat 1. mengangkut (kapal, perahu, kereta, dll), berisi dgn:

besoknya Cina itu pasti datang, tiga empat buah lori ~ barang-

barang; 2. mengandungi (mempunyai sbg isi): *Sejarah Melayu*

misalnya ~ kisah-kisah keturunan raja-raja Melayu Melaka;

memuati menaruh barang-barang (ke dlm perahu dll), mengisi:

pelangnya itu dimuatinya dgn pisang dan ubi keladi;

memuatkan 1. memasukkan barang-barang ke dlm (kapal, lori,

dll), mengisikan: *kami pun ~ barang-barang itu di tempat duduk*

belakang kereta; orang biasa enggan membuat kerja ~ barang-

barang ke dlm kapal atau memunggah barang-barang dr kapal; 2.

memasukkan ke dlm kandungan (majalah dsb), menempatkan (di

akhbar dll), menyiarkan (di majalah dll): *apalah gunanya ~ perkara yg kecil-kecil ini di akhbar; karanganku mengenai perjuangan rakyat tanah jajahan dimuatkan dlm salah satu surat khabar;*

termuat dimasukkan atau disiarkan (dlm akhbar dll): *cerita jenaka yg ~ dlm buku ini adalah sebahagian sahaja drpd cerita jenaka rakyat;*

muatan barang-barang yg dibawa (oleh lori dll), isi (kapal dll): *sampai dekat kuala maka dipunggahlah segala ~ perahu itu;*

~ haba (Kim) kuantiti haba yg diperlukan utk meningkatkan suhu sesuatu bahan sebanyak satu kelvin, lazimnya pd tekanan dan isi padu yg sama; *~ haba tentu* (Kim) muatan haba per unit jisim, atau kuantiti haba yg diperlukan utk meningkatkan suhu satu kg bahan sebanyak satu kelvin; *orang* ~ orang yg menumpang (naik) kapal dll; *resit* ~ = *surat* ~ Id surat keterangan bkn barang-barang yg dikirim dgn kapal dll;

pemuatan perihal (proses) memuatkan sesuatu, pengisian;

pemuat (Kej) kapasitor: *satu lagi teknik pengesanan ialah penggunaan sj ~ yg tidak mempunyai arus bocor.*

muazam Ar yg mulia, yg besar (gelaran utk sultan-sultan).

muazin Ar tukang bang, bilal.

mubah Ar tidak ditegah dan tidak diwajibkan (dlm Islam), harus.

mubaligh **1.** pengembang ajaran agama (Islam dll): *komuniti Cina sbg ~ Islam di Pulau Jawa;* **2.** pengantara dlm sembahyang (antara imam dgn makmum);

kemubalighan perihal mubaligh: *barangkali disebabkan oleh keghairahan tugas ~ paderi itu.*

mubarak Ar beroleh berkat atau kebahagiaan.

mubarat Ar perceraian atas permintaan isteri (tidak mengembalikan mas kahwin).

mubazir **1.** terlampau banyak hingga terbuang-buang; **2.** berlebih drpd yg diperlukan, berlebih-lebihan; **3.** orang yg membuang atau menghabiskan sesuatu (waktu, wang, dll) dgn sia-sia, pemboros; **memubazirkan** menggunakan (wang, barang-barang, dll) dgn berlebih-lebihan, memboroskan: *pekerjaan ini benar-benar ~ tenaga dan masa*; **bazir**.

mubtadi Ar (orang) yg baru belajar atau menuntut ilmu.

mubut mudah putus (patah, sobek, dll); □ **mumut**.

muda **1.** belum tua (orang dll), masih remaja: *sesetengah drpd mereka masih ~ mentah; anak ~ gadis atau teruna; kaum ~ golongan orang muda, generasi baru*; **2.** belum masak atau tua (buah-buahan, daun-daunan, dll), baru menjadi (parut, kulit, dll): *kelapa ~; parut ~*; **3.** masih baru (diadakan, diusahakan, dll), belum lama (wujudnya sesuatu): *kita juga telah diberi mandat utk memandu negeri ini dr sebuah negeri ~ menjadi negara dewasa*; **4.** masih awal (hari, bulan, dll), belum menghujung (lewat): *malam masih ~ tetapi jalan raya telah mulai lengang; orang telah pulang ke rumah masing-masing sebab telah menghabiskan wang di bulan ~*; **5.** tingkatan (kedudukan, pangkat, dll) yg kedua: *laksamana ~; leftenan ~; menteri ~; raja ~ bakal raja*; **6.** yg terakhir atau baru (isteri): *isteri ~*; **7.** kurang gelap atau tua (warna), agak pucat: *merah ~; hijau ~*;
~ *belia* muda sekali; ~ *hati* = ~ *fikiran* (orang tua) yg tingkah lakunya spt orang muda; ~ *jelita* orang yg muda lagi jelita (gadis); ~ *mentah* bp sangat muda; ~-*mudi*; a) golongan orang muda; b) Id tarian antara laki-laki dan perempuan yg moden (bukan dansa); ~ *remaja* muda yg sudah hampir akan baligh; ~ *terala* orang muda

yg berpangkat tinggi; *main* ~ berseronok (bersuka-sukaan) dgn perempuan;

bermuda Mn bermain muda, bermukah, berzina; ~ *diri* selalu benar berkahwin;

bermuda-muda Mn berkelakuan spt orang muda;

memudahkan membuat (menjadikan dll) muda, menganggap muda: *selesai* ~ *wajah*, *sibuk pula dia memilih tali leher*;

mempermuda menjadikan lebih muda: *tentu sekarang ia berkurang akan* ~ *kulitnya*;

kemudaan perihal muda, keadaan (masih) muda: *menurutkan nafsu* ~*nya*; *kerana* ~ *usia*, *maka para belia masih memerlukan bimbingan, nasihat, teguran serta tunjuk ajar drpd golongan yg lebih berumur*;

kemuda-mudaan bertingkah laku spt anak muda;

pemuda orang yg masih muda (lelaki), anak (lelaki) yg masih remaja.

mudah **I** **1.** tidak susah atau sukar, gampang, senang: *sajak baru, bukanlah satu hasil seni yg ~ difahami; dgn takdir Allah Taala, Manjung pun alah dgn* ~*nya*; **2.** cepat atau lekas sekali (menjadi dll): *ada setengah-setengah orang yg ~ menganggap bahawa pengarang itu seorang manusia yg luar biasa; kalau angin kencang, mungkin api yg meliuk-liuk lemah itu padam dgn* ~*nya*; **3.** bp senang diperdaya (perempuan), tidak kuat imannya; ~ *jua pd yg ada, sukar jua pd yg tidak prb orang kaya dapat memenuhi adat apa pun jua sedangkan orang miskin segalanya susah*;

bermudah-mudah menganggap senang sahaja sesuatu pekerjaan, mengerjakan dgn tidak bersungguh-sungguh;

memudahkan **1.** menjadikan mudah (utk dikerjakan dll), menyenangkan: *utk* ~ *mendapat makan, mereka telah menyewakan*

rumah mereka; 2. memandang atau menganggap tidak penting (mustahak, berharga, dll), menganggap enteng: maksud senang di sini bukanlah berarti yg mereka harus ~ kewajiban mengeluarkan zakat;

memudah-mudahkan menganggap atau memandang ringan;

mempermudah menjadikan lebih mudah: *tujuan logaritma ialah hendak ~ kerja kira-mengira biasa;*

mudah-mudahan; bukan ~ bukan perkara (hal dll) yg mudah;

kemudahan 1. perihal atau keadaan mudah, kesenangan (senangnya atau mudahnya sesuatu); **2.** kesenangan, keselesaan: *pihak yg tertentu hendaknya melengkapkan segala sesuatu utk ~ rakyat; 3.* sesuatu yg memudahkan atau mempermudah sesuatu usaha (kegiatan dsb): *pelbagai ~ disediakan utk projek ini; ~ awam* perkhidmatan dan infrastruktur yg disediakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan utk keperluan orang ramai, spt bekalan elektrik, jambatan, jalan raya dsb;

pemudahan perihal (perbuatan dsb) memudahkan;

pemudah (orang) yg suka kpd perkara yg senang-senang sahaja; ~ *cara* orang (pihak) yg memudahkan sesuatu tindakan atau proses (spt pemindahan ilmu): *sektor awam akan bertindak sbg ~ cara kpd perkembangan sektor swasta.*

mudah II; mudah-mudahan 1. dgn harapan supaya (terhindar drpd kemalangan dll), diharapkan supaya, moga-moga: ~ *Tuhan akan memberkati hidup engkau; 2.* (biasanya pd akhir ayat dll) demikianlah hendaknya: *Tuhan akan memberi perlindungan kpd kita, ~ .*

mudarabah Ar pemberian modal (kpd orang, badan, institusi, dsb) utk diperniagakan dgn pembahagian keuntungan menurut perjanjian.

mudarat 1. sesuatu yg merugikan atau membahayakan, kerugian, bahaya: *selain Allah, tiadalah kuasa yg mendatangkan manfaat atau ~ kpd diri manusia; memberi ~ merugikan; 2.* tidak berhasil (berjaya), gagal; **3.** berbahaya, merugikan: *huraikan satu kaedah utk membunuh kuman yg ~ yg ada di dlm susu; 4.* melarat (penyakit dll), bertambah payah: *maka ~lah penyakit itu;*

bermudarat membawa atau mendatangkan mudarat, ada mudaratnya: *ular dianggap sbg binatang yg ~ kpd manusia;*

memudaratkan 1. mendatangkan mudarat, membahayakan, merugikan: *tiada sesiapa pun yg mahu ~ dirinya sendiri; 2.* mendatangkan bahaya (bencana), membahayakan: *kita telah membuat garam biasa yg tidak ~;*

kemudaratan perihal atau keadaan mudarat, kerugian: *dia tidak suka menurut telatah kawan-kawan yg boleh membawa ~ bagi dirinya.*

mudasir; *dasar ~ bp, Id memang sudah dasarnya begitu.*

mudghah bakal anak (dlm rahim ibu); *ilmu ~ Id pengetahuan tentang kejadian bakal anak.*

mudi I; *juru~ orang yg mengemudikan perahu, pemegang kemudi; □ kemudi.*

mudi II = pemudi perempuan muda; *muda-~ orang-orang muda (lelaki dan perempuan).*

mudigah → mudghah.

mudik 1. (pergi, belayar) ke hulu sungai, (pergi, belayar) ke udik: *marilah kita ~ ke hulu sungai ini; 2.* Jk pulang ke kampung (dusun dll); *sehilir se~ setuju, sepakat; belum tentu hilir ~nya prb belum tentu keputusan atau kesudahan sesuatu perkara; di ~ sebulakan, di hilir semuara prb persatuan yg kukuh; ke ~ tentu hulunya, ke hilir tentu muaranya prb sesuatu*

maksud atau niat hendaklah tentu tujuannya; *tiada dibawa orang sehilir se~* prb dipulaukan drpd masyarakat;

bermudik belayar ke hulu sungai: *di sungai Sarawak inilah tempat ~ kapal wap Royalist milik Brooke;*

memudiki belayar mudik (sesuatu sungai): *kapal boleh ~ Sungai Irrawadi hingga ke Bhamo;*

memudikkan menjalankan perahu ke hulu sungai: *kerana arus yg deras, ia tidak dapat ~ perahunya;*

termudikkan dapat dimudiki: *jikalau tidak ~ oleh sahaya, bukanlah sahaya putera marhum yg mangkat di Buantan.*

mudin I tukang sunat (khatan).

mudin II sj ikan laut, *Trachinocephalus myops.*

mudir guru besar (di sekolah Arab).

mudirah guru besar wanita (di sekolah Arab).

muesli (muésli) (ERT) makanan sarapan yg berupa campuran bijiran, buah-buahan kering, kacang dsb yg dimakan dgn susu.

mufaham Ar mengerti; □ **faham.**

mufaraqah Ar **1.** perbuatan berhenti drpd mengikut imam (dlm solat berjemaah) dan meneruskan solat secara bersendirian kerana sebab-sebab yg dibolehkan; **2.** keadaan tinggal berasingan antara suami isteri sementara menunggu keputusan mahkamah syariah.

mufarik Ar bercerai, bercerai, terpisah.

mufasir Ar orang yg mentafsir al-Quran, pentafsir.

mufasirin Ar (jamak bagi mufasir) pentafsir al-Quran.

mufasirun □ **mufasirin.**

muflis Ar tidak sanggup (berupaya) membayar hutang, bankrap;

memuflikasikan menyebabkan atau menjadikan muflis, membankrapkan: *mengapa bank tidak merampas sahaja harta peminjam atau ~nya;*

kemuflihan perihal muflis (bankrap), ketidakupayaan membayar hutang, kebankrapan.

mufrad Ar hanya satu, tunggal.

mufti Ar orang yg dipertanggungjawabkan mengeluarkan fatwa.

mughallazah Ar = *najis* ~ najis yg berat (anjing dan babi).

muhajat Ar pertikaian, perbantahan, perselisihan.

muhajir Ar orang yg berhijrah bersama Nabi dr Mekah ke Madinah.

muhajirin Ar (jamak bagi muhajir) orang yg berhijrah bersama Nabi dr Mekah ke Madinah.

muhal tidak masuk akal, mustahil.

muhalil Ar orang yg bernikah dgn perempuan yg telah ditalak tiga oleh suaminya dan kemudian menceraikannya kembali, supaya perempuan tersebut dapat bernikah dgn suaminya yg terdahulu.

muhami Ar peguam.

Muharam Ar bulan pertama tahun Hijrah.

mahasabah Ar perbuatan menilai diri (fikiran, pendirian, dsb) utk memperbaiki diri sendiri, introspeksi;

bermuhasabah membuat penilaian terhadap diri sendiri: *kita harus ~ supaya dapat dibina keyakinan yg lebih kukuh.*

Muhd. kep Muhammad.

muhib Ar yg mencintai, pencinta.

muhibah Ar **1.** percintaan, kasih mesra: *melahirkan ~ dan kasih mesra;*
2. perasaan persahabatan dan kemesraan: *bersedekah ialah satu drpd amal kebajikan yg membawa kpd bertambah teguh rasa ~ antara satu sama lain.*

muhit Ar; *laut* ~ ark laut yg melingkungi dunia.

muhrim Ar **1.** orang yg dlm ihram semasa ibadah haji atau umrah; **2.** mahram.

muhsan Ar lelaki yg pernah berkahwin dgn nikah yg sah dan terpelihara drpd zina.

muhsanah Ar perempuan yg pernah berkahwin dgn nikah yg sah dan terpelihara drpd zina.

muhsin Ar (orang) yg banyak kebajikannya, (orang yg) suci hidupnya, soleh.

muhsinat Ar perempuan yg baik hidupnya.

muhtasyam Ar mulia, patut dihormati (disegani, ditakuti): *Seri Bija Diraja juga yg tiada bergerak dr tempatnya, ~ lakunya, duduk mengupam hulu kerisnya.*

muih; kuih-~ berbagai-bagai jenis kuih.

mujaddid Ar orang yg menghidupkan kembali ajaran sunnah Rasulullah SAW yg hampir luput (spt Imam asy-Syafie dan al-Asyhari) atau yg menyimpang akibat perbuatan bidaah.

mujaddidin Ar jamak bagi mujaddid.

mujahadah, mujahadat Ar **1.** perang atau perjuangan utk mempertahankan agama Islam, perang sabil; **2.** jihad atau perjuangan melawan hawa nafsu: *ilham di kalangan ahli sufi lahir drpd kejernihan hati dan ~ jiwa;*

bermujahadah berperang, berjuang (utk mempertahankan agama, menentang hawa nafsu, dll): *dlm ~ ini, terbukalah kpd mereka sifat-sifat terpuji;*

kemujahadahan perihal bermujahadah: *semangat ~.*

mujahidin, mujahid Ar pejuang atau perajurit yg berperang kerana membela agama Islam.

mujair sj ikan darat.

mujang ark abdi, hamba; □ **bujang I.**

mujarab Ar telah terbukti keberkesanannya spt dapat menyembuhkan penyakit dsb;

kemujaraban perihal mujarab, keupayaan menyembuhkan (penyakit): *yg dimaksudkan dgn mutu di sini bukan sahaja dr segi ~nya, tetapi termasuklah menjaga kebersihan dan keasliannya.*

mujarad Ar tidak nampak dan tidak dapat dirasa, abstrak;

memujaradkan menjadikan sesuatu mujarad, mengabstrakkan: *sama-sama berfungsi ~ cerita, plot, dan watak;*

kemujaradan keadaan mujarad: *~ yg mencerminkan pelbagai rahsia alam.*

mujari Mn sj tumbuhan (pokok yg daunnya berbau harum).

mujbir Ar yg memaksa; *wali ~ wali* (bapa atau datuk sebelah bapa) yg boleh menikahkan anak atau cucu perempuannya yg masih dara tanpa persetujuan anak atau cucu tersebut.

mujmal Ar tidak terperinci (secara umum).

mujtahid Ar orang yg berusaha utk mendapatkan sesuatu kesimpulan baru melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yg sah (dlm kaitannya dgn agama Islam).

mujtamak Ar masyarakat.

mujur **1.** terletak menurut panjangnya (memanjang), membujur; **2.** nasib baik, beruntung: *~ aku telah balik ke rumah, kalau di sana entah macam mana; ~lah bukan zaman Jepun; ~ malang* untung nasib (yg belum boleh ditentukan);

kemujuran perihal mujur, keuntungan;

pemujur orang yg selalu bernasib baik (beruntung).

muk Jk sj cawan atau mangkuk.

muka **1.** bahagian hadapan kepala (dr kaki rambut sampai ke dagu): *dia memalingkan ~nya; ~nya pucat;* **2.** = air ~ rupa muka, wajah, paras: *sekali-kali janganlah engkau menunjukkan ~ masam kepadanya;* **3.** sebelah hadapan, bahagian depan: *dgn cepat ia melangkah ke pintu ~;* **4.** hadapan, lwn belakang: *mereka berjalan*

beriring-iringan, Mangkut di belakang, Yusof di ~; 5. (ke) pengetahuan, (pd) kehadiran, di hadapan: Duria dituduh oleh pemerintah dan dibawa ke ~ pengadilan; selalu juga ia membuat ucapan di ~ umum; 6. = ~ surat halaman (buku): berita ~ depan surat khabar itu ialah berita kapal "Undan" ditembak Belanda; 7. = permukaan bahagian sebelah atas sesuatu (spt bumi, laut, dll), bidang atau lapisan yg menutup sesuatu, bahagian sesuatu yg pipih atau rata dan yg terdedah kpd pandangan (tidak terselindung): kerana ~ jalan yg mereka lalui itu lekuk-lekak, jadi perjalanan kereta itu spt perahu yg dipukul gelombang; duit syiling mempunyai dua ~; 8. yg terdahulu, permulaan, pendahuluan; wang ~ wang yg dibayar pd mulanya; 9. yg akan datang (tiba); bulan (tahun, minggu) ~ bulan (tahun, minggu) yg akan datang; ~ baru orang baru, pemain baru (dlm sesuatu pasukan), orang yg baru melibatkan diri dlm sesuatu kegiatan (usaha dsb); ~ bumi bidang bumi; ~ keratan permukaan sesuatu (batang dll) yg dipotong melintang; ~ lama orang lama, pemain dll yg sudah lama melibatkan diri (dlm sesuatu); ~ papan = ~ pot Kd orang yg tidak tahu malu; ~ pintu ambang pintu; ~ selamba muka yg tidak berubah-ubah (sama ada sedih, riang, dll); ~ taip a) permukaan cetakan bagi sesuatu jenis taip; b) reka bentuk permukaan jenis taip tertentu; ~ tarpal = ~ tebal = ~ tembok tidak bermalu; ~ bagai ditampal dgn kulit babi prb hal orang yg tidak tahu malu; ~ berpandangan, budi berkedapatan, kasih bagai selama juga prb kejahatan yg dilakukan oleh seseorang kpd orang lain sungguhpun diketahui tetapi tidak dihiraukan; ~ licin, ekor (penuh) berkudis prb orang yg pd lahirnya banyak wang tetapi sebenarnya banyak hutang; buruk ~, cermin dibelah prb kerana buruk keadaan diri, orang lain yg disalahkan; mengambil ~ prb membuat-buat laku

baik atau manis supaya disayangi orang; *tarik ~ dua belas prb hal orang yg sangat kecewa, kelihatan selalu kesal;*

di muka **1.** hadapan muka, dgn terang-terang: *kalau berani jangan di belakang tetapi ~*; **2.** di hadapan, di depan; *~ umum di khalayak ramai*; **3.** dahulu, pendahuluan; *~ puasa menjelang puasa; wang ~ cengkeram;*

ke muka maju ke hadapan, mara; *sekarang ~ dr masa ini hingga seterusnya;*

mengemukakan **1.** membawa ke hadapan atau ke muka; **2.** mengetengahkan (sesuatu pendapat dll supaya dipertimbangkan), memberi pendapat bkn sesuatu: *kertas kerja ini disediakan dan dikarang dgn teliti oleh kementerian yg ~ perkara yg hendak dibincangkan itu*; **3.** mencadangkan (supaya diterima), mengusulkan: *pengundi hanya dapat mengundi calon yg dikemukakan oleh parti, calon lain tidak ada*; **4.** menyampaikan (pertanyaan, tuntutan, permohonan, dll): *ia sendiri masih malu hendak ~ pertanyaan ini kpd Maskam*; **5.** ki menceritakan, mengisahkan (sesuatu hal dll): *Nora ~ kisah dirinya dan pengalamannya dlm kelima-lima cerpennya itu;*

terkemuka terkenal, ternama: *dia memang orang yg ~ dlm kampungnya dan disegani dlm daerahnya;*

muka-muka; *dgn ~ tidak tulus ikhlas, pd zahirnya sahaja;*

semuka sama mukanya, berhadapan muka;

bersemuka berhadapan muka (dgn), bertemu muka (dgn): *belum pernah ia ~ dgn orang yg mahu menjawab selekas itu; pertemuan ~ boleh menimbulkan masalah;*

menyemukakan menemukan berhadap-hadapan, membuat supaya berhadapan muka;

bermuka memiliki (mempunyai) muka, ada mukanya; ~ *dua* ki suka belot, tidak jujur; ~ *dinding (kayu, papan, tebal, tembok)* orang yg tidak bermalu; ~ *manis* memperlihatkan muka yg manis; *tidak* ~ ki malu;

bermuka-muka **1.** berhadapan muka, di depan muka; **2.** Id secara terus-terang, tidak bersembunyi-sembunyi (melakukan sesuatu dll); **3.** tidak dgn ikhlas, hanya pd lahirnya sahaja, berpura-pura: *isteri mudanya itu pandai ~ sebab itulah apa sahaja hajatnya dapat belaka*; **4.** beberapa atau banyak muka (surat): *ucapannya ~ panjangnya*;

permukaan bidang di sebelah atas yg rata (air, meja, dll), muka, paras; ~ *laut* muka laut;

berpermukaan mempunyai permukaan: *kawasan yg ~ konkrit*;

pengemukaan perihal (perbuatan dsb) mengemukakan: *nama beliau sering dihubungkan dgn ~ aspek kelemahan karya*;

pemuka pemimpin, pembimbing, penganjur.

mukabalah Ar perihal membandingkan;

memukabalahkan membandingkan (dgn).

mukaddam Ar □□ **muqaddam**.

mukaddas Ar suci, kudus.

mukaddis Ar menyucikan.

mukadimah Ar kata pengantar, kata pendahuluan, prakata;

bermukadimah memberikan atau mengucapkan mukadimah (dlm sesuatu pertemuan dsb): *setelah ~ dgn ucapan alu-aluan oleh pengerusi, perbincangan terus dimulakan*.

mukah **1.** perbuatan bersetubuh yg haram (bukan antara suami isteri), zina; **2.** teman berzina, kendak;

bermukah melakukan persetubuhan secara haram, berzina, berkendak: *jangan ~ dgn gundik raja dan jangan ~ dgn tunangan orang.*

mukalaf Ar orang yg telah cukup umur yg wajib melaksanakan perintah Allah.

mukaram Ar yg terhormat, yg mulia.

mukenah Ar telekung.

mukhaffafah Ar = *najis* ~ najis ringan, iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yg belum berumur dua tahun (yg hanya menyusu pd ibunya).

mukhalaf Ar (penganut) ajaran yg menyalahi ajaran Islam yg sebenar.

mukhalafah Ar penentangan (terhadap ajaran Islam yg sebenarnya).

mukhlis Ar (orang yg) ikhlas, (orang yg) jujur.

mukhtasar Ar ringkasan; □ **ikhtisar**.

mukim 1. penduduk tetap (di sesuatu tempat), tinggal tetap (lebih drpd satu masa Haji di Mekah); 2. kawasan yg di dlm lingkungan sebuah masjid; 3. kawasan (tempat tinggal) yg di bawah perintah seorang penghulu: *di salah satu tempat dlm ~ Batu sekarang ini, ada sekumpulan kecil kaum Sakai;*

bermukim berkediaman, bertempat tinggal: *ada juga seorang dua peranakan Bugis yg ~ di Melaka;*

permukiman 1. kegiatan bermukim; 2. tempat (daerah, kawasan) bermukim: *~ kumpulan pengakap di pinggir bukit itu telah pun selesai;*

pemukim orang yg bermukim (yg tinggal) di sesuatu mukim.

mukin I □ **mungkin**.

mukin II makin.

mukir □ **mungkir**.

mukjizat Ar kejadian luar biasa kurniaan Allah kpd para nabi dan rasul utk membuktikan kebenaran mereka.

Mukmin Ar orang yg beriman kpd Allah.

Mukminat Ar jamak bagi Mukmin perempuan.

Mukminin Ar jamak bagi Mukmin lelaki.

mukosa (Bio) lapisan tisu yg mengandungi kelenjar mukus, yg melapik saluran atau rongga tertentu dlm tubuh, mis rahim dan salur makanan, membran mukus.

mukzir orang yg memiliki makanan tidak lebih drpd utk dirinya sendiri dan utk tanggungannya.

muktabar, muktabir Ar mulia, terhormat, terkenal: *Saiyidina Othman memberi persetujuannya setelah bermesyuarat dgn sahabat-sahabatnya yg ~.*

muktamad Ar **1.** (orang) yg dipercayai, (orang yg) boleh dipercayai, kepercayaan; **2.** tidak boleh dipinda-pinda lagi, pasti, tetap: *keputusan jawatankuasa dlm hal yg berhubung dgn peraduan ini adalah ~ ;*

memuktamadkan memutuskan atau menetapkan sesuatu cadangan (rancangan, keputusan dsb) secara muktamad: *kabinet ~ cadangan eksport dlm usaha utk mewujudkan imbalan dagangan; Bank Negara ~ garis panduan itu;*

kemuktamadan keadaan muktamad.

muktamar Ar persidangan besar, kongres: *salah satu drpd tujuan ibadat haji adalah utk menyatupadukan umat Islam melalui sebuah ~ Islam tahunan yg berlangsung di tanah suci.*

muktazilah Ar segolongan ahli ilmu kalam yg mengasingkan diri drpd gurunya kerana perselisihan fahaman bkn hukum terhadap orang Islam yg melakukan dosa-dosa besar.

mukun sj mangkuk atau bokor bertutup.

mukur sj kulat.

mukus I Kl sj tikus tanah.

mukus II (Bio) sj cecair berlendir yg dirembeskan dlm bahagian-bahagian tertentu badan, mis dlm hidung;

bermukus mempunyai atau mengeluarkan mukus.

mukuti (Tamil) cincin hidung.

mula 1. = *asal* ~ asal, pokok pangkal: *mari kita kembali ke ~nya*; **2.** yg paling awal, yg dahulu sekali, punca atau pangkal (keadaan tempat, waktu, dll); ~ *pertama* yg paling awal, pertama sekali; *wang* ~ wang yg dibayar dahulu (cengkeram, pertaruhan); **3.** sebab, lantaran, fasal: *apa ~nya dia datang ke mari?*

mula-mula 1. terlebih dahulu, pd awalnya, pertama-tama: *binatang yg ~ sekali meninggalkan laut utk hidup di darat ialah cacing*; **2.** sejak, semenjak: ~ *sampai ia belum makan lagi*;

semula 1. yg dahulu, yg mula-mula, sediakala: *orang sakit itu sudah sembuh spt ~*; **2.** yg paling awal, yg pertama sekali: *pendapatnya sekarang ini berlainan dr ~*; **3.** (sejak) awal, (dr) mula sekali: *sejak ~ dia tidak bersetuju*; **4.** diulang sekali lagi (dr mula), lagi sekali: *sejurus kemudian ia merebahkan dirinya ~ di atas katil*; **5.** balik (spt sediakala), kembali (spt dahulu): *perasaan marah dan geramnya telah sejuk ~*; *membebaskan bandar itu ~ drpd tangan musuh*; ~ jadi yg diwarisi baka;

bermula 1. mempunyai mula (awal): *penyakit ini ~ dgn selesema*; **2.** berpunca, berpangkal: *banjaran ini ~ dr negara Thai*; **3.** =

bermula-mula terdahulu sekali, pertama-tama: *bermula-mula yg masuk neraka itu segala raja yg zalim*; **4.** sediakala, yg dahulu, yg mula-mula: *kedua laki isteri itu pun sama-sama duduk spt ~ dan berpandang-pandangan*; **5.** = **sebermula** sl pembuka kata utk sesuatu kisah dll, kata permulaan utk sesuatu kisah (peristiwa dsb), pertama-tama: ~ *maka sampailah umurnya delapan belas tahun*; *sebermula bangkai bertimbun spt gunung, darah spt laut*; **6.** sl

(yg) awal atau asal: *maka semuanya dipersembahkan oleh Laksamana, dr ~ sampai kpd akhirnya;*

kebermulaan perihal (keadaan) bermulanya: *mustahillah utk mempercayai ~ waktu;*

mulai 1. mula-mula melakukan sesuatu: *pd malam Jumaat ~lah ia datang mengintai di situ; pd hari itu juga aku ~ pula mengajar Tuan Thomson; 2.* sejak (semenjak), dari: *larangan itu berlaku ~ hari Khamis ini;*

memulakan 1. = **memulai** mula membuat (melakukan) sesuatu: *dia terus menunjukkan cara mereka ~ peraduan itu; 2.* melakukan (mengerjakan) dr mula, mengasaskan: *memang sukar hendak ~ sesuatu perniagaan tetapi adalah lebih sukar lagi utk memelihara perniagaan itu; 3.* membiarkan mula melakukan sesuatu: *orang Parsi menunggu orang Islam ~ serangan;*

termula bp telah dimulakan: *apabila sudah ~, susah hendak meninggalkan candu rokok ini;*

permulaan 1. awal, yg awal (pertama) sekali, yg terdahulu: *pd peringkat ~ inilah, penyakit itu boleh mendatangkan bahaya; 2.* dasar, asas: *Upu Daeng Mariwah itu ialah Yang Dipertuan Muda dan ialah yg membuat pokok ~ sumpah setia Melayu dan Bugis; 3.* pendahuluan; ~ *kata (kalam) kata pendahuluan: penyiasatan ~;*

berpermulaan mempunyai permulaan: *sesuatu perbuatan harus ~;*

pemula 1. orang yg mula-mula membuat sesuatu; **2.** sesuatu yg dipakai utk memulakan sesuatu; **3.** Id pasukan anak serigala (sebelum pengakap).

mulakat Ar perjumpaan, pertemuan.

mulas I = ~ *perut* berasa sakit perut (seakan-akan diramas-ramas rasanya): *Mariam merasai bahawa selernya telah berubah, perutnya kerap kali ~*; □ **pulas II**.

mulas II; *daun* ~ sj tumbuhan (herba yg daunnya boleh dibuat ubat sakit perut), *Desmodium triflorum*.

mulato orang peranakan yg mempunyai darah campuran orang kulit putih dgn orang kulit hitam.

mulberi sj pokok yg daunnya dijadikan makanan ulat sutera, *Morus alba*, kertau.

mulhid Ar rujukan kpd orang yg sesat kerana menganggap Tuhan itu tiada;

kemulhidan keadaan mulhid: *segala ciri kafir Musyrikin Mekah menepati ciri-ciri ~ aliran kebendaan*.

mulia 1. tinggi (kedudukan, pangkat, martabat, dsb), luhur, terhormat, tertinggi; *yg maha* ~ panggilan utk sultan dan raja yg memerintah; *yg teramat* ~ panggilan utk raja muda (bakal raja); *yg amat* ~ panggilan utk anak-anak raja (keluarga diraja yg dekat-dekat); *yg* ~ panggilan utk orang baik-baik; ~ *raya* yg besar lagi dihormati; **2.** tinggi mutunya, berharga (barang, logam, dll); *logam* ~ emas dan perak;

memuliakan 1. menjadikan mulia: *firman Tuhan lagi, “Dan sesungguhnya Kami telah ~ bani Adam”*; **2.** menjunjung tinggi, menghormati; ~ *janji* menepati janji;

mempermulia 1. menjadikan lebih mulia; **2.** sl (sangat) menghormati: *hatta Raja Rekan pun datang mengadap ke Melaka, sangat dipermulia oleh Sultan Muhammad*;

kemuliaan perihal mulia, kebesaran, kehormatan, keluhuran: *kehidupan raja, ~ dan kebesarannya sering dikaitkan dgn peristiwa sejarah bangsa Melayu*;

pemuliaan perihal (perbuatan) memuliakan.

muliawan sl mulia, luhur.

mulih Br balik, pulang; *air* ~ Kl air berpusing.

mulla (gelaran bagi) pemimpin atau pejuang agama Islam, terutamanya di Afghanistan dan Pakistan.

multi- *awalan asing* banyak dan pelbagai, mis *multinasional* dan *multidisiplin*.

multidimensi (multidiménsi) berbagai-bagai dimensi.

multidisiplin berbagai-bagai disiplin: *pengajian Islam mestilah diajarkan dan dikaji drpd perspektif* ~.

multilateral (dlm sesuatu perjanjian dll) melibatkan penyertaan banyak pihak atau negara.

multimedia (multimédia) **1.** (berkaitan dgn) penggunaan pelbagai jenis media spt slaid, televisyen dsb, terutamanya dlm membuat persembahan (mengajar, menunjuk cara dsb); **2.** berkaitan dgn produk, program dsb yg melibatkan penggunaan grafik, filem, bunyi, data dsb utk menyampaikan maklumat dsb: *alat* ~; **3.** sistem komputer yg menggabungkan suara, animasi, grafik, teks dan video;

memultimediakan menukarkan atau menyampaikan sesuatu maklumat (bahan dsb) dlm bentuk multimedia: *banyak bahan yg sesuai utk pelajar yg boleh dimultimediakan*.

multinasional **1.** beroperasi di beberapa buah negara (bkn sesebuah syarikat besar): *syarikat ~ besar yg banyak terdapat di negara ini lebih suka menggunakan perkhidmatan antarabangsa*; **2.** berkaitan dgn, terdiri drpd atau melibatkan penyertaan (rakyat, pasukan, dsb) drpd berbagai-bagai negara: *pasukan tentera pengaman* ~.

multivitamin pil yg mengandung campuran beberapa jenis vitamin spt vitamin A, B, dan C.

mulu; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok yg kayu-kayunya kuat), canjal, pelawan, *Tristania sumatrana*.

mulud □ **Maulud**.

muluk I raja-raja; □ **malik I**.

muluk II 1. terbang tinggi-tinggi (burung merpati dsb); **2.** tinggi lagi merdu (suara), nyaring; **3.** = **muluk-muluk** indah-indah (perkataan, janji, dll), elok-elok: *kutawarkan batu itu dgn perkataan yg ~*;

kemulukan perihal muluk.

mulur 1. tidak rapuh dan dapat memanjang, dapat dijadikan panjang (logam dsb): *pokok ini perlu dipancang kerana mempunyai batang dan dahan yg ~*; **2.** Id, ki tidak keras kepala, boleh bertolak ansur; **kemuluran** perihal mulur.

mulus Id **1.** putih bersih; **2.** ki tulus ikhlas, suci murni.

mulut 1. bukaan tempat mengunyah makanan (tempat lidah dan gigi pd manusia atau binatang): *kuman itu masuk ke dlm tubuh melalui ~ bersama-sama makanan dan air yg diminum*; **2.** ki sesuatu yg rupanya spt mulut (boleh dianggap sbg mulut), lubang, liang: ~ *belanga*; ~ *kubur* dll; **3.** ki perkataan, percakapan; *banyak ~ banyak cakap, cerewet*;

~ *bedil* lubang laras bedil; ~ *berus* Kl a) suka membuka rahsia; b) suka mengeluarkan kata-kata yg kesat; ~ *bisa* suka mengeluarkan kata-kata yg pedas; ~ *busuk* nafas berbau busuk; ~ *daun* lubang kecil-kecil (utk pernafasan) pd daun; ~ *gatal* gemar memperkatakan apa sahaja; ~ *gunung* lubang kawah gunung berapi; ~ *hebiak* Kd orang yg suka mengata orang; ~ *hodoh* Kl suka mencarut-carut; ~ *kotor* suka mengeluarkan kata-kata keji

kata; ~ *kulit* lubang kecil pd kulit (utk perpeluhan); ~ *manis* lemah lembut dan baik tutur katanya; ~ *murai* orang yg sangat suka bercakap-cakap; ~ *sungai* kuala (muara) sungai; ~ *tajam* suka mengeluarkan kata yg pedas-pedas;

~ *bagai ekor ayam dihembus* prb seseorang yg mulutnya tidak berhenti-henti berkata-kata; ~ *bau madu, pantat bawa sengat* prb orang yg manis mulutnya tetapi hatinya jahat; ~ *disuapi pisang, pantat dikait dgn onak* prb bermuka-muka manis tetapi di belakang diumpat atau dibuatkan pekerjaan yg mendatangkan bahaya dll; ~ *hang lebih drpd gedembai = ~ kamu harimau kamu, mengerkah (batu) kepala kamu* prb perkataan kamu juga yg membinasakan diri kamu; ~ *manis jangan percaya, lepas dr tangan jangan diharap* prb jangan percaya kpd orang yg manis perkataannya dan barang atau wang yg dipinjamkan kepadanya jangan diharap akan dapat kembali; ~ *manis mematahkan tulang* prb jika seseorang disuruh dgn lemah lembut nescaya suka lah hatinya dan pastilah ia bekerja dgn sehabis-habis upayanya; ~ *satu lidah bertopang* prb orang yg jahat hati itu perkataannya lain drpd hasrat hatinya; *gula di dlm* ~ prb sesuatu barang yg telah dlm milik kita; *manis ~nya bercakap spt santan manisan, di dlm bagai empedu* prb perkataan yg lemak manis biasanya berisi tipu semu di dalamnya; *terlepas dr ~ buaya, masuk ke ~ harimau* prb terhindar drpd kemalangan kecil lalu menghadapi kemalangan yg lebih besar;

bermulut 1. mempunyai mulut, berlubang spt mulut; 2. bk bertutur, bercakap;

~ *besar* banyak cakap, angkuh, sombong; ~ *keras* berkeras kepala (suka melawan); ~ *manis* bercakap-cakap dgn lemah lembut; ~ *di mulut orang* prb selalu menurut kata orang;

bermulut-mulut bk bercakap-cakap, berkata-kata.

mumaiyiz Ar sudah dapat membezakan sesuatu yg baik dgn yg buruk (bkn kanak-kanak yg lazimnya setelah berumur tujuh tahun tetapi belum baligh).

mumbang putik kelapa (yg masih kecil);

~ *jatuh, kelapa jatuh* prb tiap-tiap yg bernyawa akan mati juga; *cuba-cuba menanam ~, jika hidup turus negeri* prb tetap meneruskan sesuatu pekerjaan mungkin akan mendatangkan hasil.

mumbu □ **mumbung**.

mumbul Jk naik, membumbung.

mumbung berisi penuh-penuh sehingga melebihi bibir (perahu, gantang, dll).

mumet Jw pening, pusing; *tidak ambil ~* bp tidak peduli.

mumia mayat manusia atau bangkai binatang yg diawet sebelum dikebumikan (spt yg diamalkan pd zaman Mesir kuno);

memumiakan mengawet mayat supaya tahan lama dan tidak reput dgn cara melumurkan minyak khas dsb, dan membalutnya dgn kain, menjadikan sbg mumia: *orang-orang Mesir kuno ~ jasad raja-raja mereka;*

pemumiaan proses atau perbuatan memumiakan: ~ *mayat*.

mumifikasi pemumiaan.

mumkin Ar keadaan antara wajib dan mustahil; □ **mungkin**.

mumuk Mn reput (kayu), buruk.

mumur; *hancur* ~ hancur lebur, remuk-redam.

mumut hampir rosak (putus dll), mudah putus (patah, sobek, dll), lapuk.

mun singkatan bagi lamun.

munafik Ar **1.** orang yg pd zahirnya mengaku keesaan Tuhan dan kerasulan Muhammad, tetapi sebenarnya tidak beriman; **2.** orang yg amalan dan hatinya bertentangan dgn apa yg diperkatakannya;

kemunafikan perihal munafik, sifat munafik.

munafikin Ar jamak bagi munafik.

munajat Ar zikir dan doa utk mengharapkan keredaan, hidayah, pertolongan dsb drpd Allah: *dlm ~, tiada rasa jarak pemisah antara diri yg berdoa dgn yg didoakan;*

bermunajat mendekati atau mendampingi Allah dgn cara berdoa (berzikir dll).

munajim Ar ahli nujum.

munakahat hukum fikah bkn perkahwinan, spt pernikahan, perceraian, kewajiban suami isteri, dll.

munang kendal.

munasabah **1.** sedarah sedaging, (drpd) kerabat yg sama; **2.** kesesuaian, kesamaan; **3.** sesuai, tepat benar, berpatutan: *ada modal yg ~ utk ditanam dlm perniagaan;* **4.** boleh diterima akal (boleh dipercayai), tidak mustahil: *cakap kita ini biar cukup dgn dalilnya, biar ~ oleh akal;*

memunasabahkan menjadikan munasabah: *operasi perang yg terhad tidak ~ penggunaan senjata nuklear;*

kemunasabahan perihal munasabah (sesuai, berpatutan, masuk akal, tidak mustahil): *~ matlamat, ancaman, dan ugutan.*

munasabat Ar **1.** saudara sedarah sedaging, kerabat sejenis; **2.** sesuai (cocok, tepat) benar; **3.** kesesuaian, kesamaan.

muncah banyak, berlimpah-limpah: *rezekinya ~ bagai ditabur.*

muncerat memercik (air dll).

munci **1.** gundik; **2.** pelacur.

muncih baki yg tinggal sedikit (wang, barang-barang, dll).

muncikari Mn barua, jaruman, pinang muda.

muncul keluar tiba-tiba, datang menampakkan diri, terbit, timbul: *tiba-tiba ketika itu ~ Dang Kenanga membawa sehidangan kopi;*

bermunculan muncul dgn banyak: *di langit bersih ~lah bintang-bintang;*

memunculkan menampakkan, menerbitkan, menimbulkan: *matahari belum ~ diri dr selimut mendung;*

kemunculan perihal muncul: *~nya di dlm majlis itu memeranjatkan mereka;*

pemunculan proses menjadikan sesuatu, penjelmaan .

muncung 1. mulut yg panjang (spt mulut anjing, babi, dll): *~ ikan todak;*

2. panjang lagi lancip (bentuk sesuatu); **3.** mulut (pd cerek, kendi, dll); *mulutnya ~ = cabar ~ a) orang yg suka membuka rahsia orang; b) orang yg suka berbual kosong;*

bermuncung 1. mempunyai mulut yg panjang; **2.** bk berkata, bercakap;

memuncungkan menganjurkan mulut sehingga menjadi atau kelihatan spt muncung: *“Tak boleh”, jawab Pipi sambil ~ mulutnya.*

muncus Mn tidak mujarab, tidak menyembuhkan (ubat dll).

mundam sl mangkuk atau bokor besar drpd logam.

mundar; *~mandir* pergi balik, berulang-alik, hilir mudik: *dia berjalan ~ di dlm bilik itu.*

munding (Sunda) kerbau.

mundu sj tumbuhan (pokok yg buahnya boleh dimakan dan kulitnya dibuat cat hijau), *Garcinia dulcis.*

mundur 1. (berjalan, bergerak, dll) ke belakang, surut, undur, lwn mara: *dia ~ setapak dan kemudian mara lagi beberapa tapak apabila polis itu beredar dr situ;* **2.** ki menjadi kurang (hasil pendapatan dll), berkurang, merosot: *perusahaannya mulai ~;* **3.** tidak maju, terkebelakang, tertinggal, kolot: *kebanyakan kaum perempuan masih lagi dlm keadaan lemah, ~, dan terkongkong;*

~ *maju* ki tidak tetap hati, ragu-ragu; ~ *teratur* a) berundur dgn teratur (pasukan peperangan); b) mengundurkan diri dgn diam-diam;

memundurkan menjadikan mundur, mengundurkan, memerosotkan, mengebelakangkan;

kemunduran perihal mundur, kemerosotan: *pekedai itu, sambil mengeluh, menceritakan ~ perniagaannya.*

mung □ **mungmung.**

munggu, munggu timbunan tanah, busut, longgokan.

munggur I sj tumbuhan (pokok), *Enterolobium saman.*

munggur II □ **mungkur.**

mungil □ □ **mongel.**

mungkar Ar ingkar atau menderhaka kpd Tuhan (melanggar perintah Tuhan): *Tuhan memelihara pesuruh-pesuruhnya drpd melakukan perbuatan yg ~ dan pekerjaan maksiat; seorang yg mabuk mungkin melakukan apa jua perbuatan yg ~ kerana ia telah hilang akal;*

memungkari tidak menurut (perintah Tuhan dll), memungkiri, mengingkari;

kemungkaran perihal mungkar, penderhakaan: ~ *anaknyanya membantah segala cakapnya belum diketahui oleh mereka sekalian.*

mungkat Kd, bp mencari-cari (kemarahan orang dll).

mungkin tidak mustahil, boleh jadi, harus: *apa yg dikatakan oleh orang itu memang ~ terjadi; secepat (selekas) ~ (dgn) secepat yg boleh, (dgn) secepat-cepatnya; sedapat ~ sedapat-dapatnya;*

memungkinkan 1. menyebabkan mungkin, menjadikan mungkin, mengharuskan: *kematian mereka ~ terjadinya sesuatu yg tidak diingini oleh manusia;* **2.** memberi kesempatan (kpd),

mbolehkan (melakukan sesuatu): *ini tidak ~ si pengarang dapat mengatakan dia sudah banyak membaca*; **3.** menganggap mungkin (boleh jadi), memandang tidak mustahil;

kemungkinan perihal mungkin, keharusan: *beberapa orang pakar sejarah sedang menyelidiki ~ agama Islam dibawa dr negeri China*;

berkemungkinan mempunyai kemungkinan, ada kemungkinannya: *dgn ini bererti masih ada sistem planet di bintang lain yg ~ lebih tua usianya drpd planet bumi*;

ketidakmungkinan perihal tidak boleh terjadi.

mungkir 1. tidak mengakui, tidak mengiakan, menafikan, menyangkal, ingkar: *ia tidak dapat ~ kerana perbuatannya diketahui orang*; **2.** tidak setia, tidak patuh, tidak taat: *ia tidak ~ dan tidak ingkar perintah Mempawah*; **3.** tidak menepati (janji dll), menolak perjanjian: *sekali kita ~ janji maka orang tidak akan mudah mempercayai kita lagi*; **4.** salah, keliru; *tidak ~ a) tidak salah, tidak keliru; b) manjur (ubat dll), mujarab*;

memungkiri 1. tidak mengiakan, menyangkal, mengingkari: *kalau saya ~ nya maka saya akan menerima kutukan daripadanya*; **2.** tidak mematuhi, tidak mentaati: *maka teringat olehnya titah permaisuri, maka takut ia ~nya*; **3.** tidak menepati (janji dll): *kalau roboh kota Melaka barulah aku ~ janji*; **4.** menjauhkan diri drpd (perbuatan yg keji dll);

kemungkiran perihal (perbuatan) mungkir: *~ dlm menunaikan janji-janjinya*;

pemungkiran perihal atau perbuatan memungkiri;

pemungkir orang yg memungkiri janji.

mungkum 1. lengkung atau cembung (permukaan): *hujung matanya dicanai ~ sedikit supaya penjurunya tidak sumbing atau sompek;*
2. jeluk (mangkuk dll).

mungkur sl sj usungan atau tandu: *maka raja pun keluar, berbayang-bayang rupanya, kelihatan dr dlm ~ kaca dlm mulut naga.*

mungmung = **mungmungan** sj canang atau gong kecil: *maka Bendahara pun menyuruh memalu ~ keliling negeri.*

mungsang Br musang.

mungsi sj tumbuhan (herba yg boleh dibuat ubat), *Carum copticum.*

mungut ark tidak teguh, goyah, terhuyung-hayang (orang mabuk dll).

munib ark janda.

munisi IB peluru dan bahan letupan lain (bagi senjata api).

munjung Jk penuh sekali, mumbung.

Munkar malaikat yg menyoal ahli kubur; ~ *dan Nakir* dua malaikat yg menyoal ahli kubur.

muno Mn menjadi diam (bingung) dan termenung-menung (kerana perbuatan orang), hilang ingatan.

munysi Ar guru bahasa.

muntah 1. keluar kembali drpd mulut (barang yg dimakan dll): *maka terkadang-kadang ~lah ia sebab banyak meminum air masin itu;*

2. = **muntahan** apa-apa yg keluar kembali melalui mulut; 3. turun atau luntur (warna kain); ~ *belalah* mengeluarkan muntah dgn banyak; ~ *berak* sering muntah-muntah dan berak (kerana penyakit taun); ~ *darah* mengeluarkan darah dr mulut; ~ *kedarah* bk makan; *menjilat* ~ *sendiri* prb apa yg telah ditolak (dicacat) diterima lagi;

memuntahi mengeluarkan muntah dan mengenai sesuatu: *ia ~ katilnya;*

memuntahkan 1. mengeluarkan muntah (apa yg sudah di dlm perut): *ia ~ kembali apa yg telah dimakannya;* 2. mengeluarkan

apa yg ada di dlm mulut, meluahkan: *setelah dikunyah-kunyah, dimuntahkan kembali sirih itu*; **3.** ki mengeluarkan banyak-banyak: *kedua-dua kapal terbang itu ~ peluru dr mesingannya yg menggerutup menuju sasarannya*; ~ *isi perut bk mengeluarkan perasaan hati*;

pemuntahan perihal (proses atau perbuatan) memuntahkan: *di Malaysia, kaedah ~ yg selamat bagi mengeluarkan racun yg tertelan mungkin masih belum dapat dilakukan di rumah*;

pemuntah (ubat dsb) yg menyebabkan muntah: *agen ~ ialah ubat yg sengaja diberikan supaya pesakit itu muntah*.

muntaha Ar batas atau peringkat yg terakhir (dlm ilmu tasawuf).

muntahi Ar ahli suluk yg mencapai peringkat terakhir.

muntang Pr mati terkapar (ikan dll), buntang.

muntet (muntét) Pl buncit perut (kerana kekenyangan).

muntu Jw alat penggiling (lada dll), pelindas.

muntul Jk tidak tajam (pisau dll), majal, tumpul.

mupaham □ **mufaham**.

muqaddam Ar **1.** yg terdahulu, sesuatu yg mendahului, pendahuluan; **2.** juz Amma atau juz yg ke-30 dlm al-Quran (dipelajari dahulu).

mur sj damar yg berbau harum.

mura sj ular yg sangat berbisa; *bertemu ~ dgn tedung prb sama pandai* (gagah dll).

murabbi Ar orang yg mendidik atau membimbing, pendidik, pembimbing: *tugas lain yg perlu ditangani ialah melatih imam dan khatib agar mampu menjadi ~ yg berkesan dlm masyarakat*.

murad Ar **1.** maksud, kehendak, keinginan: *telah sampailah hajat dan ~ masing-masing*; **2.** maksud yg lebih luas.

muradif Ar (kata) seerti.

murah 1. banyak, berlebih-lebih, limpah: *mereka yg mempunyai sifat kegembiraan ini selalu ~ rezekinya dan disukai ramai*; 2. rendah harganya, tidak mahal: *makanan yg ~ dan senang sekali didapati ialah karbohidrat*; 3. tidak kedekut, suka memberi (sedekah dll): *setelah Sultan Muzaffar Shah di atas kerajaan, terlalulah baik fiil baginda dgn adilnya dan ~ nya*; 4. tidak susah atau tidak payah, mudah, senang;

~ *hati* a) suka memberi, tidak kedekut; b) pengasih dan penyayang; ~ *mulut* ramah mesra (tamah); ~ *rezeki* banyak rezeki; ~ *tangan* suka memberi;

~ *di mulut*, mahal *di timbangan* prb banyak membuat janji tetapi tidak menepatinya; *makin ~ makin menawar* prb seseorang yg telah diturut orang sesuatu kehendaknya, ia berkehendak lebih lagi (telah memperoleh kesenangan ia berkehendakkan kesenangan yg lebih);

bermurah; ~ *hati* tidak segan (memberi sedekah dll), bersifat murah: *beliau telah ~ hati memberikan tempat menumpang kpd kami*;

memurahkan menjadikan murah (harga dll), menyebabkan jadi murah, menurunkan harga: *kerana persaingan yg hebat terpaksa ia ~ harga dagangannya*;

mempermurahkan ki menganggap mudah (senang dll): *kalau suami bukan bangsa penyabar dan suka ~ hidup diceraikannya isteri itu dgn tidak semena-mena*;

murahan rendah nilai diri, tidak bermutu, rendah nilainya: *mereka selalu dianggap sbg gadis ~; hanya bahan-bahan ~; hiburan ~*;

kemurahan 1. perihal murah, kelimpahan: *sangat-sangatlah ampun periksamu akan mereka itu sekalian, kerana ia bernaung kpd keadilan dan ~mu*; 2. = ~ *hati* kebaikan hati, sifat penyayang

dan pengasih: *sekali engkau sebut, beribu kali hamba terima ~ hati engkau itu;*

pemurah (orang yg) suka memberi, tidak kedekut: *dia ialah sahabat yg ~ dan sangat takut akan kemurkaan Allah.*

murahik Ar anak yg sudah hampir kpd usia baligh.

murai sj burung yg berkicau (pagi-pagi hari), *Copsychus saularis musicus*; *bunyi ~ waktu pagi-pagi benar;*

~ bakau sj burung, Pachycephala cinerea; ~ batu sj burung a) = ~ hutan sj burung, Copsychus malabaricus; b) burung kapas, Lalage nigra; ~ belanda sj burung, Zoothera citrina; ~ belukar sj burung, Tarsiger cyanurus; ~ gajah sj burung, Irena puella; ~ kampung sj burung yg berkicau (pagi-pagi hari), Copsychus saularis; ~ rimba sj burung, Pycnonotus plumosus; ~ sampah sj burung, a) Acrocephalus arundinaceus; b) Alcippe cinerea; burung ~ bangau = ~ ekor gading sj burung, merbah ekor gading, Tersiphone paradisi;

bagai ~ dicabut ekor prb perempuan yg suka bercakap banyak; ~ berkicau hari siang prb sesuatu yg sudah terang dan nyata.

murajaah Ar mengulang kaji, merujuk.

murakab Ar bersusun, berganda, berlapis: *jahil ~.*

mural lukisan atau gambar yg besar pd dinding: *~ yg terpampang di dinding luar Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka.*

muram 1. tidak berapa terang (cahayanya), buram, guram, kelam, suram: *hari itu redup dan ~, matahari belum kelihatan sejak empat jam tadi;* 2. tidak berseri (air muka dll), tidak gembira: *suatu hari suamiku pulang dgn muka yg ~;* 3. ki tidak bahagia (hidup dll), tidak cerah (keadaan, kemungkinan, dsb), menderita: *hidup akan menjadi ~ dan masam kalau keadaan tidak berubah; keadaan*

ekonomi antarabangsa yg ~ mempengaruhi ekonomi negara sedang membangun spt Malaysia;

bermuram; ~ *durja* bermacam muka (kerana sedih dll), tidak jernih air mukanya: *seminggu lamanya Uda ~ durja, pedih benar hatinya disindir orang;*

memuramkan menjadikan muram, menyebabkan muram, memudarkan: *perkahwinan kita kelak ~ darjat martabat keluargamu;*

kemuraman perihal (keadaan dsb) muram, kesuraman: *Rahman memandang wajah isterinya yg masih cuba menyembunyikan ~nya.*

murang sl sj tunam utk memasang meriam.

muraqabah Ar amalan menjaga ingatan hati semata-mata kpd Allah.

murba biasa sahaja, hina, jelata, rendah;

kaum ~ kaum rendah (bukan bangsawan atau hartawan), marhaen; rakyat ~ rakyat jelata.

murca sl tidak sedarkan diri, pengsan;

memurcakan menyebabkan (menjadikan) pengsan: *kemudian anak ini dimurcakan oleh dukun ubatan di atas sebuah kerusi.*

muri sl sj serunai atau suling.

murid = *anak* ~ orang atau anak yg sedang belajar atau berguru, pelajar, penuntut; ~ *tua* bekas pelajar (dr sesebuah sekolah dll);

bermuridkan sl mengambil sbg murid, menjadi guru kpd: *ia pun ~ Laksamana.*

murih kl marah, meradang.

muring bersungut-sungut (kerana tidak puas hati dll), merengut-rengut.

muris I sj kain tenun; □□ **mores I.**

muris II Jk haloba, rakus, tamak.

murka I bd marah, meradang: *maka sultan pun terlalu ~ akan Hang Tuah, disuruh bunuh pd Seri Nara Diraja;*

memurkai marah kpd (akan), memarahi: *jangan tuanku segan ~ anakanda;*

memurkakan menyebabkan jadi marah, memarahkan: *~ raja;*

termurkai sl dimurkai (dimarahi): *Laksamana pd ketika itu ~, tiada bekerja lagi;*

kemurkaan perihal murka, kemarahan: *dia ialah sahabat yg pemurah dan sangat takut akan ~ Allah.*

murka II; *angkara* ~ mementingkan diri sendiri, loba, tamak;

kemurkaan sifat kelobaan (ketamakan).

murni tidak mengandung unsur-unsur asing (biasanya unsur-unsur yg mencemarkan), bersih benar, suci, tulen: *aku bekerja kuat dan rajin dgn mendapat semangat dan perangsang drpd cita-cita yg ~ dlm hatiku; kemanakan dia telah mengirim bingkisan permata ~;*

memurnikan membersihkan benar-benar, menyucikan: *agama itu benar-benar dipergunakan utk ~ rohani manusia;*

kemurnian perihal murni, kesucian, keaslian, ketulenan: *ada baiknya kalau diadakan aturan dan perubahan yg sesuai agar ~ agama Islam tidak tercabul; mereka mahu mengekalkan ~ bahasa Melayu;*

pemurnian perihal atau perbuatan memurnikan: *ada baiknya masalah ~ bahasa menjadi pokok perhatian dlm seminar ini;*

pemurni orang yg sangat mementingkan ketelitian dan ketepatan, terutamanya dlm cara hidup, adat istiadat, penggunaan bahasa yg betul dsb.

mursal Ar **1.** yg disuruh, pesuruh, rasul; **2.** hadis yg diriwayatkan dgn sanad tanpa disebut sahabat yg meriwayatkannya drpd Rasulullah SAW secara langsung.

mursalin Ar jamak bagi mursal; *anbia dan ~* sekalian nabi dan rasul.

mursyid Ar **1.** guru agama, pemimpin (dlm hal rohani); **2.** baik hidupnya, taat kpd Allah.

mursyidul am Ar pembimbing utama di kalangan pemimpin, yg berperanan utk memberikan panduan atau tunjuk ajar tentang agama Islam kpd para ahli dlm sesebuah pertubuhan, persatuan dsb.

murtad Ar orang yg keluar drpd agama Islam, sama ada melalui perbuatan, perkataan, atau niat: *orang yg begitu adalah orang yg kufur, yg ~, yg derhaka, kerana mahu menyamai Tuhan Maha Pencipta;*

memurtadkan menjadikan seseorang murtad: *watak utama bernama Kamil telah ~ ramai orang;*

kemurtadan perihal murtad: *setiap Muslim yg murtad tidak boleh diakui ~nya, tetapi hendaklah disuruh kembali kpd Islam.*

muruku sj makanan ringan yg diperbuat drpd tepung beras, tepung kacang, dan dicampur dgn rempah (popular di kalangan kaum India).

murung sedih, masyghul, pilu: *sifat riang dapat berubah jadi ~ dgn tiba-tiba;*

bermurung berasa murung, berdukacita, bersedih: *apabila kemarahannya tidak dapat diluahkan, dia ~ sepanjang hari;*

kemurungan **1.** perihal murung, kemuraman, kesuraman: *kenangan itu menjadikan ~nya bertambah-tambah dan bibirnya bergetar-getar;* **2.** (Psi) keadaan apabila seseorang mengalami rasa kecewa dan putus asa yg diiringi dgn gejala spt sukar tidur, lembap berfikir, dan rasa bersalah yg keterlaluan yg tidak setimpal dgn kesalahan yg dilakukan.

murup Jw menyala (cahaya, warna, dll), berkobar: *maka Laksamana pun memakai, berkain kesumba ~ antelas bertepi bersirat; merah ~ merah menyala.*

murus Jw buang-buang air; ~ *darah* buang air yg berdarah.

Murut suku kaum peribumi di Sabah, yg tinggal di rumah panjang, terutamanya di daerah Tenom, Keningau dan Nabawan, dan kegiatan utamanya ialah menanam padi huma, berburu, dan memungut rotan, madu lebah dan damar, biasanya tidak menetap di satu tempat.

mus (ERT) pencuci mulut yg berbusa, diperbuat drpd krim, telur dsb, biasanya berperisa coklat atau buah-buahan dan dihidangkan sejuk: ~ *coklat.*

musaadah Ar bantuan (yg diberikan), pertolongan, sokongan.

musabab Ar 1. kesan: *drpd keadaan tersebut lahirlah suatu ~ yg tertinggi, maka dgn itu alam dgn segala sesuatu pun diciptakan;* 2. sebab drpd segala sebab, sebab yg menjadi asas terjadinya sesuatu: *tiap-tiap satu kejadian dan peristiwa mempunyai asas dan ~ yg mendorong terjadinya kejadian itu; sebab ~ yg menjadi sebab, yg menyebabkan, sebab.*

musabaqah Ar pertandingan: ~ *tilawatil Quran* pertandingan membaca al-Quran.

musafir Ar orang yg masih dlm perjalanan, orang yg berpergian, pengembara: *jangan ada orang ~ yg tidur di bawah atap rumah engkau dlm keadaan lapar;*

bermusafir melakukan perjalanan atau pengembaraan: *orang yg sedang ~;*

kemusafiran perihal (keadaan) hidup sbg musafir: *sia-sia hidupmu, sia-sia ~mu.*

musakat Ar celaka, sengsara.

musala Ar tempat sembahyang; *tikar* ~ tikar sembahyang, sejadah.

musang 1. sj binatang liar (yg gemar memakan ayam); ~ *akar* sj musang, *Artogalidia trivirgata*; ~ *belang*, *Hemigalus debyanus*; ~ *buah* sj binatang spt musang, *Prionodon sp.*; ~ *jebat* = ~ *kesturi* sj musang, *Viverra zibetha*; ~ *lamri*, *Paguma larvata*; ~ *pandan* = ~ *pulut*, *Paradoxurus hermaphroditus*; ~ *sebarau* = ~ *tebarau* sj musang, *Paradoxurus spp.*; ~ *tenggalung*, *Viverra tangalunga*; ~ *turun* sj binatang spt musang, *Arctictis binturong*; **2.** sj binatang liar spt anjing, *Vulpes spp.*;
~ *berbulu ayam* prb orang jahat yg menyamar sbg orang baik; ~ *terjun lantai terjungkat* prb a) ada tanda-tanda yg boleh jadi keterangan dlm sesuatu perkara; b) tempat yg dimasuki pencuri ada juga sesuatu alamatnya.

musara wang bantuan, gaji, pencen: *maka beberapa puluh bahara emas patik beri* ~ *tiada juga pd*; □ **sara I.**

museologi (muséologi) kajian tentang organisasi muzium.

musibat, musibah Ar **1.** bencana, celaka, malapetaka: *janganlah kamu mencari* ~ *dan bahaya bagi dirimu sendiri*; **2.** bk kata makian, celaka, sial: *ah*, ~ *betul mereka itu*.

musikan IB **1.** pemain muzik; **2.** bermain muzik.

musik IB ahli muzik.

musim 1. masa yg tetap atau khusus tiap tahun mengikut perubahan iklim: *dlm* ~ *bunga*, *salji menjadi cair dan meresap ke dlm tanah*; **2.** ketika atau masa tertentu tiap tahun (ketika pokok berbuah, buah mulai masak, dll): *orang kita gemar memakan buah-buahan, tetapi biasanya buah-buahan itu dimakan pd* ~ *nya sahaja*; **3.** masa berlakunya sesuatu atau beberapa peristiwa (kejadian dsb) yg serupa: *Karim kebingungan menghadapi* ~ *perang*;

~ *angin* masa angin bertiup; ~ *bah (banjir)* musim selalu berlaku banjir; ~ *barat* Id musim hujan di Sumatera dan Jawa; ~ *buah (buah-buahan)* masa pokok berbuah; ~ *bunga (semi)* musim tumbuh-tumbuhan kembali bertunas dan berbunga (pd akhir musim sejuk); ~ *dingin (sejuk)* musim udara sejuk (di negeri-negeri berhawa dingin); ~ *haji* masa orang menunaikan fardu haji; ~ *kelambu menunggal (tutup kuala, utara)* masa angin timur laut bertiup (dr bulan November hingga bulan Januari); ~ *kemarau* musim udara panas terik dan hujan tidak turun; ~ *luruh (gugur, rontok)* musim tumbuh-tumbuhan meluruhkan atau menggugurkan daun-daunan (kerana musim dingin hampir tiba); ~ *menuai (panen)* masa menuai padi; ~ *panas* musim antara musim dingin dgn musim luruh (ketika udara panas); ~ *tenggara (jawa, selatan)* masa angin bertiup dr barat laut dan membawa hujan (dr bulan Jun hingga bulan September); ~ *tengkujuh* musim hujan selalu turun;

semusim **1.** sama musimnya; **2.** masa kira-kira setahun (dr musim tertentu hingga kembali musim itu lagi): *ada ~ baginda duduk di dlm negeri itu, beranak seorang laki-laki bernama Encik Tayan;*

bermusim **1.** sudah sampai atau tiba musimnya; *belum ~* belum sampai musim atau masanya; **2.** mengikut musim: *tanam-tanaman ~;*

musiman mengikut musim (waktu) tertentu: *acara ~ utk tujuan-tujuan semasa.*

musir Kd daging yg elok (pd kerbau, lembu), daging batang pinang.

muslihat Ar **1.** daya upaya, ikhtiar: *apakah ~ agar kesatuan itu benar-benar boleh mewakili pelajar Melayu seluruhnya;* **2.** = *tipu ~ tipu* daya, akal, helah: *sekarang apa yg kita mahu ialah satu tipu ~ yg licin spt yg dilakukan oleh Tengku Anum di negeri Siam itu;*

beliau menyeru supaya harta wakaf hendaklah digunakan utk ~ am; ~ perang siasat perang, taktik perang;

bermuslihat mempunyai muslihat: *negara itu mencapai matlamatnya dgn ~ dlm hal ehwal negara lain.*

Muslim Ar orang (lelaki) yg beragama Islam;

memuslimkan 1. menjadikan sesuatu bercirikan Islam: *serba-serbi mesti dimuslimkan, dibersihkan di dalam dan di luar;* 2. menjadikan seseorang Muslim;

kemusliman ketinggian darjat seseorang sbg orang Muslim: *~ seseorang insan.*

Muslimah Ar orang (perempuan) yg beragama Islam.

Muslimat Ar jamak bagi Muslimah: *para Muslimin dan ~.*

Muslimin Ar jamak bagi Muslim: *para ~ dan Muslimat.*

muslin sj kain yg nipis dan jarang.

musnah binasa sama sekali, hilang lenyap, rosak: *sebanyak dua belas buah rumah telah ~ dijilat api;*

memusnahkan membinasakan langsung, menghilangkan, melenyapkan, merosakkan: *angkatan udara Mac Arthur di Filipina telah dimusnahkan dlm masa tiga hari sahaja;*

kemusnahan perihal musnah, kebinasaan, kelenyapan: *semenjak penduduknya diperintahkan berpindah, seluruh Kampung Beringin itu terbiar menghadapi ~;*

pemusnahan perihal atau perbuatan memusnahkan, pembinasaan: *penggunaan bom atom bererti ~ umat manusia;*

pemusnah yg memusnahkan (membinasakan): *benarkah surat layang suatu ejen ~ masyarakat?*

mustahak penting, pantas, patut, perlu: *segala pancaindera yg disebut ini sangatlah ~ dijaga supaya tidak cacat cedera; maka ~lah mereka itu diberi bantuan drpd pungutan zakat;*

memustahakkan memerlukan, mementingkan, menghendaki: *dlm air susu terdapat zat yg sangat dimustahakkan oleh bayi;*

kemustahakan perihal mustahak.

mustahil tidak boleh jadi, tidak mungkin, tidak masuk akal: *dahulu orang memikirkan bahawa penyakit kusta ini ~ dapat diubati;*

memustahilkan menganggap mustahil, menganggap tidak mungkin: *jangan ~ sesuatu kejadian yg belum kamu ketahui;*

kemustahilan 1. perihal mustahil; 2. sesuatu yg tidak mungkin.

mustaid Ar sedia, lengkap, selesai, siap: *setelah sudah ~ maka surat pun diaraklah ke perahu;*

memustaidkan menjadikan mustaid, melengkapkan, menyediakan.

mustajab Ar 1. berjawab atau dikabulkan (doa, permintaan, dll), makbul: *doa pun terlalu ~ dan barang pintanya pun dikabulkan Allah;* 2. bp mujarab: *ubat yg amat ~ utk penyakit sengal;*

memustajabkan menjadikan makbul (doa, permintaan dll), memakbulkan, memperkenankan: *pd hari raya juga kita digalakkan memperbanyak doa kerana inilah harinya Allah ~nya; mudah-mudahan doanya itu dimustajabkan oleh Allah;*

kemustajaban perihal mustajab, kemanjuran.

mustak Ar berasal dr, diturunkan dr.

mustakim Ar benar, jujur, lurus; *siratal ~* jalan yg lurus (benar).

mustakmal Ar terpakai; *air ~* air yg telah dipakai utk wuduk, mandi hadas atau bersuci.

mustami ark pendengar (syarahan universiti).

mustard biji sawi yg dijadikan serbuk: *gaulkan daging dgn garam, lada sulah, dan ~.*

musuh I 1. orang yg ditentang (dlm peperangan, perkelahian, pertandingan, dll), lawan, seteru: *tiada begitu banyak ~nya dan*

tiada sesiapa membenci dia; 2. sesuatu yg mengancam (kesihatan, jiwa, dll), sesuatu yg merosakkan: penyakit tibi ini ialah ~ yg besar sekali kpd manusia; 3. ki bandingan, imbangan, tandingan; tidak ada ~nya tidak ada bandingan atau tandingannya;

~ ketat musuh yg paling besar (kpd); ~-masah berbagai-bagai musuh; ~ tradisi lawan (dlm pertandingan dsb) sejak dahulu hingga masa kini; ~ tumbuhan segala yg merosakkan tumbuhan (spt serangga dll);

~ dlm selimut prb musuh yg sangat dekat atau yg ada dlm lingkungan sendiri; ~ jangan dicari-cari, bersua jangan dielakkan prb musuh janganlah dicari-cari tetapi jika datang sendiri jangan pula takut;

bermusuh, bermusuhan bersikap sbg musuh (antara satu sama lain), berlawanan, bertentangan: *memang nafsu itu sentiasa ~ dgn akal fikiran; dgn tiba-tiba sahaja kami ~ dgn mereka;*

memusuhi menganggap musuh, melawan, membenci, menentang: *kami tidak ~ sesiapa;*

musuh-memusuhi saling memusuhi: *apabila kasih telah terjalin, hilanglah rasa ~ antara satu sama lain;*

permusuhan perihal bermusuh, perseteruan: *dia bertindak demikian kerana sikap dan rasa ~nya terhadap segala keadaan sekeliling.*

musuh II; *~ lebah sj burung, Indicator archipelagus.*

musyahadah Ar hal menyaksikan hakikat-hakikat ghaib dlm kasyaf (menurut ajaran sufi);

bermusyahadah melakukan musyahadah.

musyarakah, musyarakat Ar **1.** ark persyarikatan perdagangan, syarikat perniagaan, perkongsian; **2.** ark masyarakat; □ **masyarakat.**

musyarik Ar orang yg turut serta (melakukan sesuatu), peserta.

musyawarah Ar perundingan dgn pihak-pihak lain utk menyelesaikan masalah atau mencapai persetujuan: *MBIM boleh mengadakan forum ~ kebahasaan antara Malaysia dgn Indonesia; kesediaan menyelesaikan masalah secara ~ dgn perasaan terbuka dan bertolak ansur;*

bermusyawarah berunding, bermesyuarat: *satu ciri yg ketara dlm masyarakat timur ialah konsep gotong-royong dan ~ utk menyelesaikan masalah.*

musykil Ar **1.** ragu-ragu, payah (difahami, dimengerti, dihuraikan, dll), sukar, sulit: *sekiranya dia menanyakan suatu perkara yg ~ baginya, hendaklah kita jawab; 2.* tidak puas hati, kecewa, kesal: *Kamal berasa ~ apa sebabnya Wan Mahani tidak mahu mengikut surat Wan Mustafa;*

memusykilkan **1.** menyebabkan jadi musykil, memayahkan, menyukarkan, menyulitkan: *dia menanya segala apa yg dimusykilkannya, segala apa yg ada hubungannya dgn soal agama; 2.* tidak memuaskan hati, mengecewakan, mengesalkan: *hanya yg dimusykilkan sedikit ialah kerana ketiadaan tempat belajar;*

kemusykilan **1.** perihal musykil, kesukaran, kesulitan: *Tajurim menjawab dgn tenang tiap-tiap ~ Maznah itu; 2.* sesuatu yg tidak memuaskan hati, kekecewaan, kekesalan: *si Tenggara tidak berani mengeluarkan ~nya kpd sesiapa pun.*

Musyrik Ar orang menyekutukan Allah, baik dgn keyakinan, ucapan ataupun perbuatan, mis percaya adanya kuasa ghaib selain Allah spt memuja berhala, dewa dsb;

memusyrikkan menjadikan atau menyebabkan Musyrik: *maka orang tuanyalah yg akan mengislamkan, meyahudikan atau ~ putera atau puterinya;*

kemusyrikan perihal Musyrik (kafir).

Musyrikah Ar perempuan yg menyekutukan Allah.

Musyrikin Ar jamak bagi Musyrik.

Musytari planet paling besar, yg kelima jauhnya dr matahari.

mutaah Ar pemberian suami yg diwajibkan kpd isteri setelah diceraikannya; *kahwin* ~ kahwin kontrak atau sementara (yg dibenarkan pd peringkat awal perkembangan Islam, tetapi kemudiannya diharamkan).

mutagen (Bio) bahan yg boleh menyebabkan mutasi genetik

mutah sj tumbuhan (pokok).

mutai (muta.i) Ar taat kpd Allah, soleh.

mutakaddim, mutakaddimin Ar (yg) terdahulu, (yg) telah lalu, (yg) sudah.

mutakalim Ar ahli ilmu kalam.

mutakhir terakhir, akhir-akhir ini, terbaharu, kemas kini: *membicarakan puisi Malaysia* ~; *A.Samad Said terus-menerus mengikuti perkembangan sastera* ~ di dunia; *kajian yg dilakukan pd tahun-tahun* ~ ini.

mutalaah Ar perihal menyelidiki (mempelajari), perihal membaca;

memutalaah mempelajari, menyelidiki, membaca baik-baik: *jauh malam mereka berdua baru tidur kerana* ~ pelajaran mereka; ~ *kitab*; **telaah**.

mutan (Bio) individu, haiwan atau tumbuhan yg mengalami mutasi.

mutanajis Ar bercampur dgn najis; *air* ~ air yg bercampur dgn najis yg tidak boleh digunakan utk bersuci.

mutasi **1.** (Bio) perubahan pd bahan genetik sesuatu organisma (tumbuhan, haiwan, dsb) yg mengakibatkan perubahan ciri tertentu organisma tersebut; **2.** (Lin) pengubahsuaian bunyi dlm

satu kata yg dipengaruhi oleh bunyi-bunyi yg berhampiran; **3.** IB perubahan atau pergantian pegawai (kakitangan dll).

mutatis mutandis (Latin) (Udg) dgn membuat perubahan yg sewajarnya tanpa menjejaskan fakta utama (dlm membandingkan kes).

mutawassitah Ar = *najis* ~ najis pertengahan (tidak perlu disamak, cukup dgn membasuh hingga hilang bau, rasa, dan warnanya sahaja).

mutawatir Ar diturunkan drpd seorang ke seorang tanpa putus (bkn hadis, berita, riwayat, khabar dll).

mutawif Ar pemandu orang yg mengerjakan tawaf (biasanya dirujuk juga kpd mereka yg membuat kebajikan kpd orang yg mengerjakan haji).

mute (muté) Jk sj manik-manik.

mutia □ **mutiara**.

mutiara **1.** sj permata yg diperoleh dr sj tiram; *indung* ~ tiram yg mengandungi mutiara; **2.** ki sesuatu yg sangat berharga: ~ *ketuhanan yg dianugerahi Allah kpd manusia, iaitu akal*.

mutlak **1.** tidak terbatas (hak, kuasa, dll), tidak bersyarat (tidak ada kecualinya), tidak berbelah bagi (taat setia dll), lengkap, penuh, umum: *Belanda bersetuju utk memberi pengakuan segera dan ~ serta tanpa syarat terhadap kedaulatan Republik; perhubungan mereka adalah berasaskan taat setia yg ~ kpd pemerintah tinggi; hak ~ hak penuh; syarat ~ yg mesti ada (tidak boleh tidak); wakil ~ wakil penuh*; **2.** suci; *air* ~ air yg suci dan boleh menyucikan (spt air hujan dll);

memutlakkan menyebabkan sesuatu menjadi mutlak: *jangan sampai ada orang yg menyangka bahawa Plato telah ~ undang-undang*;

kemutlakan perihal mutlak;

pemutlakan perihal (proses atau perbuatan) memutlakkan.

mutu I terdiam kerana terlalu sedih dll, termenung-menung; *berhati* ~ bersedih hati, masyghul.

mutu II dlm keadaan yg berbahaya (raja dlm permainan catur), tercepit.

mutu III mutiara; *ratna* ~ *manikam* berbagai-bagai jenis permata.

mutu IV 1. ukuran kemurnian emas (1 mutu = 2.4 karat); *emas sepuluh* ~ emas murni; **2.** taraf (kebaikan, kecerdasan, kepandaian, dll), kualiti, nilai (utk sesuatu): *di samping projek meninggikan ekonomi negara, harus ada rancangan utk meninggikan ~ warganegara;*

bermutu tinggi mutunya, bernilai tinggi: *akan kucipta sebuah lukisan yg benar-benar* ~.

mutung I Jw patah hati.

mutung II (Lampung) ark musnah kerana terbakar, terbakar.

muwahid Ar orang yg mengesakan Allah (tidak menyekutukan Allah).

muwakal Ar orang yg diserahi tugas mengurus sesuatu perkara, wakil.

muwalat I Ar tidak berantara (dlm sembahyang), berturut-turut.

muwalat II Ar ark keturunan, baka, zuriat: *Sultan Zainal anak Ghori kita hantarkan kerajaan supaya jangan putus ~ takhta kerajaan Aceh Darus Salam drpd nasab Syed al-Marhum.*

muwarikh Ar ahli (penulis) sejarah.

muzakarah Ar perbincangan (pertukaran pendapat) tentang sesuatu masalah dsb;

bermuzakarah berbincang (bertukar-tukar pendapat) tentang sesuatu masalah dsb;

memuzakarahkan membincangkan dsb sesuatu perkara (isu, masalah dsb) dlm muzakarah: *mungkin perkara itu akan dimuzakarahkan kelak; hal-hal yg ada kaitan dgn keluarga akan dimuzakarahkan dlm majlis itu.*

muzik gubahan bunyi yg menghasilkan bentuk dan irama yg indah dan menyenangkan, bunyi-bunyian;

pemuzik ahli muzik, pemain alat muzik, atau pengubah muzik.

muzikal berharmoni, merdu: *keindahan bunyi yg ~*.

muzikologi kajian tentang muzik.

muzium bangunan tempat menyimpan, memelihara, mengkaji, atau mempamerkan objek-objek yg mempunyai nilai sejarah, seni, saintifik, dsb.

n huruf ke-14 abjad Rumi.

N simbol kimia bagi nitrogen.

Na simbol kimia bagi natrium.

naas bp nahas.

nabat (Muz) sj seruling puak Jahut di Pahang.

nabatah Ar tumbuh-tumbuhan.

nabati Ar bkn tumbuh-tumbuhan;

lemak ~ lemak drpd tumbuh-tumbuhan; *sakar* ~ gula yg dibuat drpd tumbuh-tumbuhan.

nabawi Ar bkn nabi: *hadis* ~.

nabi Ar **1.** orang yg dipilih Allah utk menerima wahyu daripada-Nya utk dirinya sendiri dan tidak diwajibkan menyampaikan wahyu itu kpd orang lain: *Muhammad ialah ~ yg terakhir*; **2.** = **al-Nabi** Nabi Muhammad SAW;

kenabian yg berkaitan (berhubungan) dgn nabi: *Nabi Muhammad seorang manusia biasa yg diutus oleh Allah sbg pesuruh dgn mukjizat ~nya; sudah pasti tidak ada darjah yg lebih tinggi drpd darjah ~.*

nabu **1.** Mn biji (buah-buahan spt durian dll) berserta isinya; **2.** (Bio) isi buah, daging buah;

bernabu (Bio) mempunyai isi yg banyak (bkn buah).

nabung Pr hampa (putus) harapan.

nada **I 1.** bunyi yg tertentu tinggi rendahnya (dlm nyanyian, muzik, dll): *ahli-ahli pancaragam telah membetulkan semula alat muzik utk membaiki tinggi rendah ~; ~ utama nada dasar; tangga ~* Id tingkatan bunyi (dlm muzik dll); *titi* ~ Id tanda bunyi pd baluk, not; **2.** ki bunyi suara (yg melahirkan atau membayangkan sesuatu perasaan atau

sikap), lagu atau rentak suara (sewaktu bercakap dll): "*Kenapa tak ikut sama?*", *isterinya menyambut dgn ~ kasih*; **3.** aliran dan rentak (ucapan, sajak, dll);

senada padan atau sesuai (dgn): *warna di bilik anak-anak ~ dgn ruang tamu*;

bernada mempunyai (membawa, menunjukkan) nada: *sajak itu ~ romantis dan mengandungi unsur mistik*; *penggunaan bahasa yg ~ ilmiah*.

nada II Kl sj alat utk menangkap ikan.

nadi 1. denyutan tetap pd arteri disebabkan oleh kontraksi jantung, biasanya boleh dirasa di pergelangan tangan: *gerak ~nya semakin cepat*; **2.** = urat ~ pembuluh darah pd pergelangan tangan (terasa berdenyut-denyut); **3.** = urat ~ ki unsur atau faktor yg menjadi asas atau penggerak utama kpd sesuatu (kegiatan, pergerakan, perkembangan, dll), punca hidup, jiwa: *kebanyakan negara membangun turut mengikuti falsafah pembangunan yg berteraskan sektor perkilangan sbg ~ pembangunan*; *masjid itu dlm erti kata sebenarnya menjadi jantung dan ~ perkumpulan itu*;

batang ~ pembuluh darah yg besar; *pembuluh ~ pembuluh darah dr jantung*; *tinggal ~ prb perihal orang yg sakit tenat*;

bernadi ada nadi, berdenyut nadi; *dia sudah tidak ~ lagi sudah mati*.

nadim Ar orang kepercayaan, sahabat karib.

nadir I Ar jarang ada atau didapati ganjil; *gas ~ gas yg tidak bertindak balas dr segi kimia dan didapati dlm jumlah yg sangat sedikit dlm udara atmosfera, spt neon dll*;

kenadiran perihal jarang ada atau terdapat: *satu cara yg sering digunakan utk menilai ~ atau sifat antik sesuatu buku adalah dgn mengenal pasti tera air pd kertas yg berkenaan.*

nadir II titik paling rendah bagi sesuatu jasad cakerawala, yg terletak langsung di bawah kaki pemerhati, lwn zenith.

nadir III sj perahu (di Melaka).

nadirat Ar; *barang* ~ barang-barang yg ganjil (jarang terdapat).

nadwah Ar mesyuarat, perhimpunan, majlis: *satu ~ tentang ilmu sosial Islam telah diadakan di Brussel.*

naf IB, bp bahagian roda yg di tengah-tengah, pusat roda, hab.

nafas 1. udara yg disedut ke dlm dan dihembuskan keluar dr paru-paru; *menarik ~ menyedut udara (ke dlm paru-paru); menghembuskan ~ yg akhir (penghabisan) mati; 2.* penyedutan dan pengeluaran udara dr paru-paru: *~ pendek; ~nya Isnin Khamis Id, bp mengap-ngap (hampir mati); sakit ~ sakit sesak nafas (bengik); ~ baru semangat baru atau sumber baru kekuatan yg memulihkan sesuatu kegiatan dll atau memberinya keupayaan baru: memberi ~ baru kpd perkembangan dunia hiburan dan perkembangan bahasa Malaysia amnya;*

senafas 1. sepanjang waktu yg diperlukan utk menarik dan mengeluarkan nafas satu kali, dlm jangka waktu yg pendek sekali: *tapi angin mati, ~ pun tak bertiup; 2.* ki sama keadaannya, selaras, sepadan, sesuai: *kalimat-kalimatnya sejenis dan ~;*

bernafas 1. menyedut dan menghembuskan nafas dr paru-paru: *ikan ~ melalui insangnya; 2.* bernyawa, hidup; *tiap-tiap yg ~ tiap-tiap yg hidup; 3.* mempunyai unsur, berunsur, berbau: *puisi yg ~ keislaman spt yg diasaskan oleh Hamzah Fansuri dan Amir Hamzah itu seolah-*

olah tidak diteruskan lagi; ~ keluar badan prb lebih percaya kpd pendapat orang lain drpd pendapat sendiri;

menafaskan mengeluarkan nafas;

pernafasan perihal bernafas: *liang ~*.

nafi Ar **1.** penolakan, penyangkalan; **2.** tidak mahu (mengaku, menurut, dll), ingkar;

menafikan tidak mengakui (menerima dll), menidakkan, menyangkal: *beliau ~ ia telah menelefon bapa mentuanya; tidak ada orang yg berani ~ pendapatnya itu; tidak ~ mengakui, menerima (kebenaran, kenyataan, kewujudan, dsb sesuatu);*

penafian perihal (perbuatan dsb) menafikan, penyangkalan: *misalnya, imbuhan awalan Inggeris a-, in-, im-, un-, ab-, an-, ir-, dis-, non, semuanya membawa fungsi yg sama iaitu ~*.

nafiri sj serunai (trompet) panjang.

nafkah **1.** wang (makanan dll) yg diperlukan utk hidup, sara hidup: *siapa yg menanggung ~ anak yatim itu? 2.* makanan dll sehari-hari, rezeki; *mencari ~ mencari rezeki (bekerja utk mendapatkan rezeki); 3.* perbelanjaan dll yg wajib diberikan oleh suami kpd isterinya: *suami wajib menanggung ~ isterinya; ~ batin hak bersetubuh isteri; ~ zahir belanja hidup isteri; 4.* bp pendapatan, gaji;

menafkahi memberi nafkah, menyara hidup seseorang;

menafkahkan mengeluarkan (wang dll) utk makanan sehari-hari, membelanjakan (wang).

nafs Ar nyawa, diri.

nafsi I Ar **1.** diri sendiri, orang seorang (tidak dgn yg lain); **2.** mementingkan diri sendiri, tidak mempedulikan orang lain;

nafsi-nafsi, bernafsi-nafsi mementingkan diri sendiri, bersendirisendiri, bersendirian: *di kota yg ramai dan besar, manusia hidup bernafsi-nafsi, tidak peduli akan orang.*

nafsi II Jk marah, kemarahan; → **nafsu**.

nafsu Ar **1.** keinginan yg keras, kehendak hati yg kuat, kemahuan yg kuat, dorongan hati: *~ belajarnya tidak padam-padam; terburu ~ = keburu ~ Id berbuat sesuatu dgn tergesa-gesa kerana nafsu (dgn tidak berfikir panjang); 2.* = *hawa ~ kehendak hati yg kuat utk melakukan sesuatu yg melampau atau kurang baik (spt berseronok antara laki-laki dgn perempuan dll): perempuan tidak boleh melakukan sesuatu yg boleh membangkitkan ~ dan perasaan laki-laki; 3.* = *~ makan* keinginan utk makan, selera: *fikiran yg tenang itu biasanya tidak mengganggu ~ makan; patah ~ hilang selera; ~ amarah* a) dorongan hati utk melakukan sesuatu yg kurang baik; b) kepanasan hati, kemarahan; *~ kuda hawa nafsu* yg melampau; *~-nafsi* berbagai-bagai jenis nafsu, pelbagai nafsu; *~ tabiat* ark kemahuan semula jadi, naluri; *~-nafsi, raja di mata, sultan di hati* prb melakukan sesuatu dgn sesuka hati sendiri;

bernafsu dgn penuh nafsu, ada (mengandung, menunjukkan) nafsu: *mereka tidak begitu ~ utk memakan kuih itu; matanya penuh ke muka Nahidah, pandangannya ~.*

nafta (Kim) sj minyak mudah terbakar yg diperoleh drpd petroleum dan tar arang batu.

naftalena (naftaléna) sj hablur yg berwarna putih dan berbau rangsang yg dibuat drpd tar arang batu dan digunakan utk membuat bahan ubat gegat, racun kulat, sbg bahan pelarut, dsb.

naga I 1. sl makhluk rekaan berupa spt buaya atau ular tetapi bersayap dan berkuku cekam, boleh menghembuskan api dr mulutnya; **2.** Jw ular besar penunggu mata angin;

~ *antaboga* a) sj binatang laut yg besar; b) ikan paus; ~ *balun* naga yg tinggal di gunung-gunung (dan membunuh mangsa dgn ekornya); ~ *berapi* naga yg menyemburkan api; ~ *bura* naga yg menyemburkan bisa; ~ *gentala* naga yg menyedut mangsanya (tidak dapat bergerak-gerak); ~ *hari* naga penunggu mata angin yg tiap-tiap hari berpindah; ~ *jadi-jadian* orang atau hantu yg menjelma menjadi naga; ~ *seknik* lukisan naga yg diberi berkepak (pd kain batik); ~ *tahun* naga penunggu mata angin yg berpindah tiap-tiap tahun; ~ *umban* sj naga besar yg diam di laut;

naga-naga 1. naga tiruan (spt yg diperbuat drpd kertas dll); **2.** ukiran kepala naga (biasanya dipasang di haluan perahu); **3.** tempat yg tinggi (di balai penghadapan).

naga II; ~ *buana* sj tumbuhan (pokok renek), *Phyilanthus pulcher*; ~ *setu* sj tumbuhan (rumpai), akar wangi, narwastu, rumput wangi, *Vetiveria zizanioides*; *rumpit sisik* ~ sj tumbuhan (herba), *Desmodium heterophyllum*.

naga III; ~ *berjuang* sj ukiran yg merupakan dua garisan yg hampir bercantum; ~ *berseru* = ~ *taru* sj ukiran yg merupakan dua garisan yg bertemu dan kemudian berkelok ke kiri dan ke kanan; ~ *bertangkap* sj ukiran yg merupakan dua garisan yg bersilang.

naga-naga Jk keadaan yg menjadi alamat atau tanda (akan baik buruknya),
padah: *kalau begini ~nya binasa kita semua*.

nagam Ar karangan mutiara.

nagara I ark = ~ *bukit* sl puncak bukit: *datang sekarang pun tanah ~ bukit itu spt warna emas rupanya.*

nagara II sj gendang besar; → **nakara**.

nagasari I sj tumbuhan (pokok), *Messua ferrea*.

nagasari II sj kueh spt lepat, dibuat drpd tepung beras dan dibubuh pisang di dalamnya.

nah 1. kata utk menyudahi percakapan orang lain atau utk menukar perhatian, sudahlah: ~, *marilah kita lihat sendiri*; **2.** kata utk mempelawa seseorang menerima sesuatu, ambillah, terimalah: ~, *ini wang lima puluh ringgit*; ~ *ini tuala, mari aku tunjukkan tempat mandi*; **3.** kata utk menyatakan persetujuan, sungguh: ~, *kalau begitu lebih baik lagi*; **4.** kata utk memulakan ayat yg mengandungi perhatian yg lain: ~, *sekarang begini sahaja.*

nahak ark; **ternahak** bangkit atau terbit (perasaan, selera, dll).

nahas 1. sial (dikaitkan dgn hari, bulan, dsb yg dipercayai kurang baik): *hari Rabu akhir bulan ini biasanya hari ~*; **2.** kecelakaan, kemalangan: *memang dia sendiri yg memanggil ~nya, tidak boleh menyalahkan orang lain*; ~ *jalan raya*;

menahaskan menganggap nahas, menyalakan, mencelakakan;

kenahasan perihal nahas, kesialan, kecelakaan.

nahi Ar yg terlarang (oleh agama Islam), larangan; ~ *Allah* larangan Allah.

nahu cabang ilmu linguistik yg berkaitan dgn sintaksis, morfologi, dsb, tatabahasa;

~ *bentuk* nahu yg mengkaji bentuk kata dan kata-kata terbitannya, morfologi; ~ *huraian* nahu yg mengkaji bahasa dlm penggunaan yg sebenarnya (pd lapisan masyarakat yg berlainan, membandingkan yg formal dgn yg tidak, yg baku dgn yg tidak, yg bertulis dgn yg

digunakan dlm percakapan dll) dlm rangka ilmu bahasa; ~ *sarwajagat* pengkajian bahasa secara umum (tidak terhad kpd sesuatu bahasa sahaja); *ilmu* ~ ilmu jalan bahasa (penyusunan kata dan ayat);

nahuan bkn atau berkaitan dgn nahu: *rangkai kata nahu yg hanya menerbitkan makna* ~.

naib **1.** pengganti, wakil: ~ *raja*; ~ *kadi* wakil kadi di sesuatu tempat (utk menjalankan tugasnya); **2.** penolong kpd, timbalan, ... muda; ~ yg *dipertua* penolong (timbang) yg *dipertua*; ~ *laksamana* ark laksamana muda; **3.** Id kadi;

~ *johan* pemenang kedua (dlm pertandingan).

naif **1.** bersahaja, terlalu mudah, tidak canggih atau kompleks dsb: *beliau mengatakan ceritanya terlalu ~ dan terlalu mudah utk mencapai maksud simbolik itu*; **2.** ki lurus, tidak matang (pemikiran dll), keanak-anakan;

kenaifan keadaan naif: *kehidupanku terlalu setia dgn ~ku*.

naik **1.** bergerak ke atas: *asap ~ ke udara*; *bulan* ~ dr satu hari bulan hingga lima belas hari bulan (bulan sabit hingga bulan penuh); *tegak* ~ a) matahari mulai tinggi (lebih kurang pukul 9.30 pagi); b) sudah mulai besar (budak yg berumur lebih kurang 15 tahun); **2.** bergerak ke tempat yg lebih tinggi, mendaki, memanjat, masuk ke rumah (ikut tangga): *maka ia pun berjalanlah, ~ bukit turun bukit hingga ke suatu padang yg luas; dgn segera pintu dibuka oleh isterinya, dan ia pun ~ cepat-cepat*; **3.** mengenderai (kuda, kereta, dll), masuk ke kenderaan: ~ *kereta ke Pulau Pinang*; ~ *lif ke tingkat empat*; **4.** bertambah tinggi (mahal, besar, banyak, dll) drpd yg mula, bertambah, meningkat: ~ *dan turunnya jualan tuan pd tiap-tiap bulan terpulanglah kpd kecekapan tuan mengurus perniagaan; semua harga barang ~; kalau*

pangkat ~ gaji pun akan ~; 5. tumbuh menjadi besar (tinggi dll): padi sedang ~; 6. menjadi, berubah menjadi: air mukanya dgn serta-merta ~ merah padam, dgn itu aku ~ pelik pula; 7. kembang atau mengembang (bkn adonan kueh): pukul telur sehingga ~; biarkan adonan roti itu ~ ;

~ angin = ~ kepala angin tidak dapat mengawal diri kerana sangat marah dll; ~ apel = ~ banding Id memohon ke pengadilan yg lebih tinggi; ~ basuh kaki tidak diperlukan mengongkosi perbelanjaan kenduri kahwin (bkn pengantin laki-laki); ~ besar sudah mulai besar (anak-anak); ~ darah (menjadi) marah; ~ darat naik ke darat (turun dr kapal); ~ darjat menjadi tinggi darjatnya; ~ daun a) mendapat (keuntungan atau kesenangan); b) bernasib baik atau beruntung (dlm perjudian dll); ~ gaji mendapat gaji yg lebih tinggi; ~ gembira sl menjadi gembira (berani, suka berkelahi, dll); ~ geram menjadi marah; ~ gila a) menjadi gila; b) terlalu asyik akan sesuatu; ~ haji pergi ke Mekah menunaikan rukun Islam yg kelima; ~ harga menjadi mahal (berharga lebih drpd biasa); ~ hati menjadi girang (sombong); ~ kapal a) mula naik ke kapal; b) belayar dgn kapal, menumpang kapal; ~ kelas Id meningkat ke darjah yg lebih tinggi; ~ (di, di atas) kepala berbuat sesuatu yg melampaui batas; ~ lemak menjadi terlalu manja (dan melampau perbuatannya); ~ marah bangkit marahnya, menjadi marah; ~ mempelai a) menjadi pengantin, berkahwin; b) pertama kali tidur dgn isteri; ~ merik Id bertambah besar kehormatannya; ~ minyak menjadi marah (dan mengganas atau menyerang), naik radang; ~ nobat Mn menjadi pengantin, berkahwin; ~ palak a) menjadi panas hati, meradang; b) berasa tidak senang, susah; ~ panas menjadi marah; ~ pangkat mendapat jawatan yg lebih

tinggi; ~ *pelamin* Mn menjadi pengantin; ~ *pitam* a) mendapat pitam (menjadi pening); b) menjadi marah atau panas hati; ~ *radang* meradang; ~ *raja* sl menjadi raja; ~ *saksi* a) menjadi saksi (di pengadilan); b) mengaku (benar dll); ~ *semangat* bertambah semangat (bertambah berani dll); ~ *seri* kelihatan manis, berseri dsb selepas disolek, diandam dsb; ~ *setum* Id bp menjadi marah; ~ *syekh* bp lupa diri, hilang pertimbangan; ~ *takhta* ditabalkan menjadi raja; ~ *tangan* beruntung, bertuah; ~ *tocang* bp besar kepala, lupa diri, menjadi manja dan melampau perbuatan;

bulan ~, *matahari* ~ prb mendapat untung dan bahagia kiri kanan; ~ *dr janjang*, *turun dr tangga* prb membuat sesuatu pekerjaan menurut aturannya; ~ *melompat*, *turun terjun* = ~ *membilang anak tangga*, *turun selangkah jejaklah ke bumi* = ~ *spt semut*, *turun spt ribut* prb hendak memperoleh kejayaan selalunya lambat, tetapi hendak jatuh mudah sekali;

menaik bergerak ke atas: *kelok tersebut ~ semula*;

menaik-naik bp makin naik, menjadi-jadi: *kebosanannya itu mulai ~ apabila suaminya tidak pulang-pulang*;

menaiki 1. memanjat, mendaki: ~ *gunung*; ~ *takhta* menjadi raja, mulai memerintah sbg raja; 2. pergi dgn kenderaan, mengenderai, menunggang: *kenderaan apa yg akan engkau naiki utk ke Pulau Pinang?* 3. memasuki rumah (dgn menggunakan tangga): *rumah itu telah dinaiki pencuri*; 4. mulai mendiami rumah (baru);

menaikkan 1. menjadikan naik (tinggi), meninggikan: ~ *layang-layang*; ~ *bendera*; 2. membawa ke tempat tinggi: *maka Seri Rama dan Sita Dewi pun dinaikkan oranglah ke atas gunung-gunungan*; 3. meletakkan ke atas kenderaan (kereta, gajah, perahu, dll): *akan Semar*

dan Jemuras pun ~ perbekalannya ke atas kudanya; kuli-kuli sedang ~ barang ke kapal; 4. menjadikan lebih tinggi (pangkat, gaji, taraf hidup, dll); 5. menjadikan bertambah tinggi (semangat, kemarahan, dsb): kata-kata perangsang itu ~ semangatnya utk belajar bersungguh-sungguh lagi; ~ cukai meninggikan cukai; ~ darah menyebabkan jadi marah; ~ gaji meninggikan atau menambah gaji; ~ harga meninggikan harga; ~ pangkat meninggikan pangkat; ~ semangat membesarkan semangat (memberanikan, menggembarakan); 6. menjadi naik (kembang, bkn adonan kuih, dsb): serbuk penaik dicampurkan utk ~ adonan kuih itu;

naik-naikan Id, bp waktu murid naik darjah;

kenaikan 1. sesuatu yg dinaiki, kenderaan: *apabila ~nya itu berhenti di hadapannya, dia pun menaikinya; 2.* perihal naik (pangkat, gaji, hasil pertanian, dll), naiknya: *bilangan pegawai akan ditambah dan ~ pangkat akan dimudahkan;*

penaikan perihal atau perbuatan menaikkan;

penaik; *bahan ~ bahan yg digunakan utk menaikkan adonan kuih (spt serbuk penaik dsb); ~ darah orang yg lekas marah, pemaarah.*

naim Ar nikmat, nyaman, sedap.

naira unit mata wang Nigeria.

najam Ar bintang.

najasah, najasat Ar perihal najis, kenajisan, kecemaran, kekotoran; → **najis.**

najat ark → **munajat.**

najis 1. kotoran (spt air kencing, tahi) yg membatalkan sembahyang: *orang Islam tidak boleh kena air liur anjing, ~; 2.* sesuatu yg mencemarkan: *awak semua selalu buat kotor dan suka menabur ~ di tengah jalan; ~*

besar tahu; ~ *kecil* air kencing; **3.** bp jijik: ~ *melihat kelakuannya itu*; ~ *dadah* dadah yg membahayakan orang yg menyalahgunakannya; *membasuh* ~ *dgn mala* prb menutup kesalahan atau rasa malu dgn cara yg lebih menghinakan lagi;

bernajis dinodai, dikotori atau dicemari najis: *pakaian itu masih ~*;

menajiskan 1. menjadikan kotor, mencemarkan, mengotorkan: ~ *benda yg suci*; **2.** menganggap najis (tidak suci, cemar): *jangan dekati barang yg dinajiskan agama*;

ternajis menjadi kotor, menjadi cemar, tercemar: *hati itulah yg hendak dijaga supaya tidak ~ dan tercemar*;

kenajisan perihal najis, kekotoran, kecemaran.

nak I kep hendak: *apa ~ dimakan semua ada*.

nak II kep anak: *ambillah duit ini, ~* .

naka = **bernaka-naka** bersambut-sambutan (ketika berpantun, bernyanyi, dll), bertingkah-tingkah.

nakal 1. suka melakukan sesuatu yg dilarang spt mengganggu dll (terutama kanak-kanak), tidak menurut kata: *Nadan memang ~, kadang-kadang dia mencuri duit ayahnya*; **2.** buruk kelakuannya, jahat: *isterinya yg ~*;

menakal nakal atau jahat kelakuannya, berkelakuan nakal;

menakali membuat nakal kpd, mencerobohi, mengganggu (orang); ~ *isteri orang* mengganggu isteri orang;

kenakalan perihal nakal, kejahatan: *risau ia melihat ~ anaknya*.

nakara sj gendang besar, tabuh; **nagara II.**

nakhoda 1. pemimpin atau ketua perahu (kapal), juragan; **2.** kapten kapal; *bagai ~ kasap, hujung hilang pangkal lesap* prb membuat pekerjaan yg membawa kerugian (perbelanjaan yg berlebih-lebihan); *belayar*

dgn ~, berjalan dgn yg tahu, berkata dgn yg pandai prb sebarang pekerjaan yg besar itu hendaklah diketuai pelaksanaannya oleh orang yg ahli supaya selamat;

menakhodai menjadikan nakhoda kpd, mengetuai: *kapal yg dinakhodai oleh orang Arab.*

Nakir malaikat yg menyoal ahli kubur; *Munkar dan ~* dua malaikat yg menyoal ahli kubur.

nal penyumbat atau penyendal ubat bedil pd meriam dll (supaya lebih kuat letupannya).

nala Mn; **bernala-nala** ark berfikir-fikir, timbang-menimbang.

nalak Kl; **menalak** menjerit dgn kuat, meraung.

nalam → **nazam**.

nalán Kl lima (sebutan dlm permainan).

nalar I selalu, sentiasa.

nalar II Ar pemikiran utk menilai buruk baiknya, fikiran yg sihat, akal budi, intelek.

nalih I ukuran banyak beras dll yg sama dgn 16 gantang.

nalih II sj tumbuhan, (herba) lakum air, *Jussiaea suffruticosa*.

nalú → **bendalu**.

naluri 1. desakan hati utk melaksanakan sesuatu, tabiat semula jadi: *keinginan mahu tahu adalah suatu ~*; **2.** ark adat yg diwarisi turun-temurun, tradisi;

kenalurian keadaan naluri.

naluriah berkaitan dgn atau berasaskan naluri: *hasil drpd saduran dan terjemahan itu, secara ~, masyarakat Arab menuntut lahirnya penulis-penulis drpd kalangan mereka sendiri.*

nam kep enam.

NAM akronim bagi *Non-Aligned Movement* (Pergerakan Negara-Negara Berkecuali).

nama 1. panggilan atau sebutan bagi orang (barang, tempat, pertubuhan, dll): *ia mencatat ~ orang yg menderma yg terdapat dlm senarai itu; apa ~ buku yg kaubaca itu?; ia mencatat ~ barang-barang yg diterimanya; atas ~ dgn menggunakan nama, utk kepentingan, demi;*

2. ark gelaran, sebutan: *kerana jasanya yg besar, ia diberi ~ Datuk;*

3. kehormatan, kebaikan, kemasyhuran, maruah, pujian; *mencari ~ berikhtiar menjadi masyhur (mendapat pujian); mendapat (beroleh) ~ masyhur (terkenal); mengambil ~ a) mencari muka; b) memakai nama (drpd); telah rosak ~nya telah hilang kehormatannya (kemasyhurannya);*

~ am kata nama yg merujuk kpd konsep atau benda yg umum, mis *rumah* dan *kecantikan*; *~ baik* kehormatan, maruah; *~ batang tubuh = ~ daging (tubuh)* nama diri yg sebenarnya (bukan nama samaran dll); *~ benda* (Lin) kata yg mengatakan nama sesuatu yg wujud atau yg dianggap wujud, kata benda; *~ cembung = ~ timangan (timang-timangan)* nama yg dipakai utk menyatakan sayang atau manja; *~ julukan* nama yg diberi sbg jolokan (ejekan, sindiran); *~ kecil* a) nama ketika masih kecil; b) nama depan (cara Barat); *~ keluarga* nama yg dikongsi bersama oleh semua ahli dlm sesuatu keluarga; *~ khas* kata nama yg merujuk kpd sesuatu yg khusus spt orang, haiwan, tempat atau benda, mis *Md. Nor, Sg. Rambai, dan Menara Kuala Lumpur*; *~ pena* nama yg digunakan oleh penulis pd karya-karya (bukan namanya yg sebenarnya); *~ samaran = ~ pedengan* nama utk menyembunyikan nama yg sebenarnya; *pd ~ sahaja* tidak wujud (berlaku) spt yg diperikan: *golongan Islam pd ~ sahaja*;

bernama **1.** memakai nama, mempunyai nama: *pekannya ~ Simpang Empat*; **2.** mendapat nama, masyhur, terkenal: *penulis yg belum ~*;

menamai membubuh (memberi) nama kpd, menggelari: *ia ~ anaknya itu Naziha*; *jabatan tersebut dinamai sedemikian utk mengajar orang-orang Mesir tentang dunia Timur*;

menamakan **1.** memberi sesuatu nama sbg menggelarkan, menyebutkan: *kami ~ bangsa kpd diri kami Magyar*; **2.** menganggap (sbg), menyebut: *kalau hendak dinamakan korban, itulah korban yg sejati*; **3.** mencalonkan seseorang (utk memegang sesuatu jawatan dll), mengemukakan nama seseorang sbg calon: *Isnin, 5 April, ialah hari ~ calon utk pilihan raya*;

ternama terkenal, termasyhur: *Greenberg, seorang ahli bahasa yg ~*;

kenamaan **1.** terkenal, termasyhur: *beberapa ahli bahasa yg ~ turut menyumbangkan tenaga*; **2.** besar (orang, pegawai, dll), berpangkat tinggi: *anak orang besar-besar dan ~ dihantar ke sekolah Inggeris*;

penamaan perihal menamakan, pencalonan; *surat ~ waris itu hendaklah dianggap sbg satu wasiat kpd seorang waris*; *kerajaan telah menawarkan perjalanan kereta api percuma kpd rakyat dr seluruh negeri utk menyaksikan peristiwa ~ calon di Kahirah*;

penama **1.** orang yg memberi nama (mencalonkan, melantik), pencadang; **2.** orang yg dinamakan (dikemukakan) sbg waris dll.

nambat Mn jangan, tidak usah; *kok pahit ~ diluahkan prb jika pahit janganlah diludahkan*.

nambi sj penyakit puru (pd kaki).

nam-nam sj tumbuhan (pokok renek), *Cynometra cauliflora*.

nampak **1.** dapat melihat (menengok): *mereka tidak ~ siapa yg mengambil surat itu tadi*; **2.** boleh (dapat) dilihat, kelihatan, tampak: *rumahnya*

tidak ~ dr sini; tak ~ muka hidung tidak kelihatan langsung; ~ belang diketahui hal (keadaan, maksud, dll) yg sebenarnya; ~ dekat hanya dapat melihat dr dekat (tidak boleh melihat jauh);

nampaknya rupa-rupanya: *~ kita tidak terdaya lagi membebaskan diri drpd semua ini;*

menampak melihat, menengok: *para pelakon di belakang cermin ini boleh dinampak oleh penonton;*

menampakkan menunjukkan, memperlihatkan: *pandangan awal mungkin ~ seolah-olah semua bahan yg wujud perlu diambil kira; ~ diri memperlihatkan (menunjukkan) diri, muncul sehingga atau supaya dapat dilihat;*

ternampak 1. sudah dilihat, terlihat: *kerjaku ini ~ oleh datuk sarjan;*

2. dapat dilihat, kelihatan: *ia memerhatikan kalau-kalau ~ sebuah kuala sungai;*

ternampak-nampak seolah-olah nampak pd pandangan mata, terpandang-pandang, terbayang-bayang;

ternampakkan terlihat akan, terpandang akan: *dia ~ Razman yg sedang berjalan;*

kenampakan dapat dilihat, kelihatan, ketahuan: *kemarahan ibu telah ~ ; → tampak I.*

nampan Jw sj dulang, talam; → **tetampan I.**

nampung sj tumbuhan (herba), *Homalomena spp.*

namun 1. asalkan (sahaja), kalau, sekadar: *apa kehendakmu akan kuberikan, ~ jangan juga aku engkau bunuh;* **2.** akan (hal), berhubung dgn, berkenaan, tentang; **3.** biarpun, meskipun, sungguhpun, walaupun: *~ begitu, cerita yg berbeza-beza itu mempunyai dasar yg*

sama; 4. tetapi: walaupun begitu ~ ia masih perlu mengetahui sebab-musabab anak muridnya itu menangis.

nan Mn **1.** yang; **2.** kata yg disisipkan utk melengkapkan (menggenapkan) baris sajak dll: *hari pagi bunga ~ kembang, bunga yg merah mala dahulu*

nana (Tamil) abang.

nanah cecair pekat berwarna putih kekuningan yg keluar dr bisul, luka yg terkena infeksi, dsb;

bernanah mengandungi nanah, mengeluarkan nanah: *luka yg ~;*

menanah menjadi nanah; *lain bengkak lain ~ prb lain orang yg bersalah lain pula orang yg dihukum;*

pernanahan keadaan bernanah: *jangkitan kuman boleh mengakibatkan ~ pd luka.*

nanai ark kera.

nanang Mn berfikir dalam-dalam, tafakur, termenung.

nanap ark terbuka lebar-lebar (mata), terbeliak.

nanar I 1. berasa agak pening (kerana kena pukul, tumbuk, dll), pening lalat: *budak itu ~ setelah kena tempeleng; 2.* menjadi bingung (kerana kesusahan dll), tercengang-cengang, terpinga-pinga, tidak tentu haluan; *berjalan cara ~ berjalan-jalan kebingungan; 3.* sangat marah, meradang.

nanar II Tr nakal (kelakuan).

nanas sj tumbuhan (buahnya boleh dimakan), *Ananas sativus; ~ belanda = ~ kista = ~ seberang = ~ tali* sj nanas yg serat daunnya boleh dibuat tali dll, *Agave cantala; ~ hijau* sj nanas yg boleh dibuat ubat, *Ananas comosus.*

nanda kep anakanda.

nandung I sj ikan laut, a) *Dorosoma chacunda*; b) *Dorosoma nasus*.

nandung II; *tupai* ~ sj tupai yg besar.

nanggal, nanggar Kl tenggala.

nanggung Kl sampai (begitu), hingga (begitu).

nangis bp menangis; → **tangis I**.

nangka I sj tumbuhan (pokok) yg buahnya berulas-ulas dan boleh dimakan,

a) *Artocarpus heterophyllus*; b) *Artocarpus integer*; ~ belanda buah

nona; ~ *pipit* sj tumbuhan (pokok), *Artocarpus scortechinii*; bunga ~

pipit sj tumbuhan (pokok), mempoan, *Rhodamnia trinervia*;

orang makan ~, *awak kena getah* prb orang lain yg berbuat salah, kita

yg mendapat kesusahan (menanggung akibatnya); *siapa makan* ~

maka kena getahnya prb siapa yg berbuat salah dialah yg

menanggung hukuman.

nangka II; *burung* ~ sj burung, burung kepudang, *Oriolus maculatus*.

nangko Mn yg ini: *kami* ~ *menjunjung titah*.

nangoi sj babi yg banyak anak, *Sus barbatus*; *menggeriak bagai anak* ~ prb

orang yg beranak banyak tetapi malas mencari nafkah.

naning sj tebuan (yg berwarna kuning), *Apis dorsata*.

nanjak Jk mendaki; → **tanjak I**.

nano Pr tidak tentu arah (fikiran).

nanometer (nanométer) satu perseribu juta meter.

nanoplankton (Bio) plankton yg saiznya lebih kecil drpd plankton biasa.

nanosaat tempoh masa 10^{-9} saat (biasanya digunakan utk menyatakan

kelajuan pemproses sesebuah komputer dll).

nantaboga sl sj naga.

nanti I 1. waktu yg akan datang, masa kemudian, kelak: *bila hari raya* ~,

pulanglah ke kampung; *dia akan sampai pd pukul 1.30* ~ ; **2.** akan,

bakal, tentu: *kalau engkau adukan perkara itu kpd polis, ~ heboh sedunia*; **3.** jika tidak begitu, seandainya tidak: *baik engkau dengar nasihatku, ~ engkau menyesal.*

nanti II tunggu; ~ sebentar tunggu sebentar;

menanti 1. menunggu (ketibaan sesuatu): *ia sedang ~ di sana*; **2.** tersedia utk dihadiahkan (diberikan dsb): *hadiah wang tunai RM100 000 ~ kampung yg dipilih sbg yg tercantik dan terbersih*;

menanti-nanti sentiasa (lama) menanti, menunggu-nunggu: *dinanti-nantilah oleh semua pemanggil itu akan Pak Lebai beberapa lamanya hingga beralih matahari, tiadalah juga Pak Lebai datang*;

menantikan menunggu ketibaan sesuatu (orang, waktu, dll), menunggu akan: *maka Radin Kelang pun berdiri menghunus keris ~ orang mengamuk itu; ia ~ hari malam, sangat lama rasanya*;

menanti-nantikan menunggu-nunggu ketibaan sesuatu, menunggu-nunggu akan: *orang yg telah lama hilang dilarikan si pengayau dinanti-nantikan*;

ternanti-nanti, nanti-nantian menunggu-nunggu dgn penuh harapan, selalu berharap: *ibu tirinya memang ~ hendak mendengar buah fikirannya; ibu telah ~ agaknya; ~ bagai berlakikan raja prb a) perihal orang yg berhajat kpd seseorang yg tidak sangat berkehendak kepadanya; b) menantikan pertolongan orang yg banyak pekerjaannya*;

penantian 1. perihal menanti: *~ itu membingungkan dan mencemaskan; Encik Ramli beku dlm ~; pertunangan selama enam bulan bukanlah suatu ~ yg singkat bagi orang yg sedang mabuk cinta*; **2.** tempat menanti (menunggu);

penanti (orang) yg menanti, penunggu, penyambut tetamu.

nanti → **sentiasa**.

nanyan Pl gandar cangkul, taran cangkul.

napal sj tanah liat (yg boleh dimakan).

napalm (Kim) sj petrol berupa jeli yg digunakan dlm pembuatan bom api.

napan sj tumbuhan (pokok), serentang, terentang, *Camptosperma auriculata*.

napkin **1.** lampin kain atau lampin pakai buang; **2.** kertas atau kain yg digunakan semasa makan utk mengesat mulut atau tangan atau melindungi bahagian depan pakaian.

napuh sj pelanduk besar, *Tragulus napu*.

naqli Ar nas yg diperoleh drpd al-Quran atau hadis (bukan berdasarkan rasional fikiran).

naqliyah (yg) berasaskan nas: *bukan sedikit yg mencemuhkan pendekatan rasional yg adil terhadap agama, memagarkan antara pendekatan akliyah dan ~.*

nara I **1.** laki-laki, perwira; **2.** gelaran: *Seri N~ Diraja*.

nara II; ~ *setu*; → **narwastu**.

narapati sl raja.

narasetu → **narwastu**.

naratif **1.** cerita atau kisah tentang peristiwa, pengalaman, dll: *bolehlah dikatakan bahawa sesuatu ~ spt cerpen, cereka dan sebagainya adalah merupakan hasil drpd prestasi linguistik*; **2.** yg menceritakan (mengisahkan): *gaya ~nya juga mirip karangan biasa; puisi ~ puisi (sajak) yg mengisahkan sesuatu.*

narator orang yg mengisahkan sesuatu, pencerita, pengisah.

narawastu → **narwastu**.

narestu → **narwastu**.

naris (Bio) lubang hidung.

narkosis (Ubat) keadaan tidak sedar yg diakibatkan narkotik atau anestetik.

narkotik dadah yg melemahkan deria, melalikan, melegakan rasa sakit, ketagihan, dsb, najis dadah.

narsisisme (Psi) perihal atau keadaan terlalu memuja atau mengagumi diri sendiri.

narsisistik (Psi) cenderung memuja atau mengagumi diri sendiri dgn berlebihan.

narung = ~ *jantan (paya)* sj tumbuhan (pokok renek), menarung, *Trema orientalis*.

narwastu **1.** sj tumbuhan (rumpai), akar wangi, serai wangi, *Vetiveria zizanioides*; **2.** sj bau-bauan yg harum (diperbuat drpd akar wangi): *maka dicitumnya bau tubuhnya spt bau ~.*

nas Ar ayat al-Quran atau hadis yg dipakai sbg pegangan dlm hukum syarak, kutipan (petikan) drpd kitab suci sbg alasan dlm sesuatu perkara;

bernaskan berdasarkan atau menggunakan al-Quran atau hadis sbg nas;

dinaskan ditentukan dgn nas (petikan) dlm al-Quran atau hadis.

nasab Ar pertalian keluarga, keturunan (terutama drpd sebelah bapa); ~ *bapa* pertalian keluarga di sebelah bapa; ~ *ibu* pertalian keluarga di sebelah ibu;

penasaban hal yg berkaitan dgn nasab: *ini berkaitan dgn ~, pewalian, pewarisan, dan pergaulan dlm keluarga*; **nisab I.**

nasabah Ar perbandingan, perhubungan, pertalian.

NASAKOM Id akronim bagi Nasionalis, Agama dan Komunis (falsafah kenegaraan berdasarkan kerjasama golongan-golongan ini).

nasar Ar sj burung pemangsa dan pemakan bangkai, burung reng.

nasi I 1. beras yg telah ditanak atau dikukus: *telah lazim baginya setiap pagi memakan ~; mencari ~* mencari rezeki; **2.** isi jerawat yg berwarna putih;

~ adap-adap = ~ adap-adapan = ~ damai nasi (biasanya nasi kunyit berserta lauknya) yg disajikan kpd pengantin ketika bersanding; *~ angkatan* nasi utk menjamu orang besar-besar; *~ ayam* nasi yg dimasak dgn air rebusan ayam (biasanya berwarna kekuning-kuningan) yg dimakan bersama-sama dgn daging ayam, yg biasanya dihidangkan dgn kicap, sup dan sambal cili; *~ berdetus* nasi setengah masak; *~ beriani* nasi yg dimasak bersama-sama dgn daging atau ayam dan rempah; *~ besar* nasi utk sesuatu upacara; *~ bungkus* nasi yg dicampur dgn lauk-pauknya dan dijual dlm bungkus; *~ campur* nasi yg lauknya dibubuh sekali dlm pinggan yg sama; *~ dagang* nasi yg ditanak drpd beras lembut; *~ damai-damai* a) nasi yg dimakan oleh pengantin laki-laki dan perempuan sbg tanda hidup mesra sesudah bersatu; b) nasi adap-adap; *~ datang = ~ lepat = ~ ketupat* nasi yg dimasak dlm anyaman daun kelapa; *~ goreng* nasi yg digoreng bersama perencahnya (spt udang, daging, sayur-sayuran, dsb); *~ hangit* nasi yg hangit (kerana terlalu besar apinya); *~ himpit = ~ kapit* nasi yg ditanak dgn air yg berlebihan dan kemudian dihimpit (dimakan dgn kuah sate dll); *~ kabuli* nasi yg bercampur lauk-pauk dan rempah-rempah; *~ kerabu = ~ ulam* nasi yg digaulkan dgn daun-daunan yg dihiris halus-halus; *~ kukus = ~ dandang* nasi yg dikukus dlm dandang; *~ kunyit = ~ kuning* pulut yg dikuningkan dgn kunyit; *~ lecek* nasi yg dilecek-lecek (utk makanan bayi); *~ lemak* nasi yg ditanak dgn santan; *~ lembik* nasi yg ditanak dgn berlebihan airnya; *~*

lengat = ~ *tim* Id nasi yg dikukus lembik; ~ *mentah* nasi yg tidak cukup masaknyanya; ~ *minyak* nasi yg dimasak dlm lemak atau minyak; ~ *ramas* Id nasi yg lengkap dgn lauk-pauknya; ~ *ransum* = ~ *kawah* nasi yg dimasak dlm kawah utk orang ramai; ~ *rawan* nasi yg bercampur dgn sayur dan lauk-pauknya; ~ *sorok* Kd nasi yg dimakan dahulu sebelum memakan nasi minyak (pd kenduri); ~ *suap-suap* nasi kunyit yg disuapkan oleh pengantin laki-laki kpd pengantin perempuan dan sebaliknya (ketika bersanding); ~ *tambah* a) nasi utk tambahan; b) ki tambahan kpd pendapatan yg tetap; ~ *tangas* = ~ *kangkang* nasi panas yg dikangkangi isteri diiringi dgn jampi serapah, dan diberi makan kpd suami dgn tujuan utk memperbodoh suami; ~ *tomato* nasi yg dimasak dgn tomato puri dan dicampur dgn susu cair, biasanya dihidangkan bersama-sama dgn ayam atau daging; ~ *tumpang* Kl nasi yg bercampur dgn lauk-pauknya dan dibungkus; ~ *wajar* nasi biasa sahaja (tidak dgn santan dll);

~ *habis, budi bersama* prb sahabat yg ketahuan buruk lakunya; ~ *sama ditanak, kerak dimakan seorang* prb perihal orang yg bersekutu tetapi keuntungan diambil seorang diri; ~ *sudah menjadi bubur* prb perbuatan yg sudah terlanjur (tidak dapat diubah lagi); ~ *tak dingin pinggan tak retak* prb orang yg cermat membuat pekerjaannya, walaupun banyak kerja tetapi jarang yg rosak; *apa boleh buat, ~ sedap menjadi tawar* prb seseorang itu apabila rosak hatinya akan berubahlah perangainya; *biar ~ terbuang asal jangan periuk pecah* prb biar anak mati asal ibunya selamat (ketika bersalin); *buat ~ tambah* prb penambah penghasilan yg telah ada; *membuangkan ~nya yg tersaji di lutut* prb seseorang yg meninggalkan kerja yg senang lalu mencari pekerjaan yg lebih susah; *menantikan ~ (disajikan) di mulut*

prb perihal orang yg pemalas menantikan pemberian orang atau takdir Tuhan sahaja;

bernasi ada (dimasak) nasi: *hari ini tidak ~*;

~ di balik kerak prb belum habis semuanya tentang sesuatu perkara (masih ada lagi hal yg belum diperiksa); *tidak ~ di balik kerak* prb orang yg sombong.

nasi II; *jamur* ~ sj cendawan yg boleh dimakan, *Hydnum fragile*.

nasi III; *~ dingin* sj tumbuhan (pokok), buah sakur, *Xerospermum spp.*; *~ rendam* sj tumbuhan (pokok kecil), kayu-kayu hantu, mata gajah, *Meliosma nitida*; *~ sejuk* sj tumbuhan (pokok renek), hempedal itik, *Salacia flavescens*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), membulu, *Tinomiscium petiolare*;

nasi-nasi 1. sj tumbuhan (pokok), langsit, *Prismatomeris malayana*;

2. = **nenasi** sj tumbuhan (pokok), *Symplocos fasciculata*; *~ bukit* sj tumbuhan (pokok renek), *Mycetia malayana*; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok kecil), akar belalang puak, *Pittosporum ferrugineum*.

nasib sesuatu yg menimpa diri seseorang (dgn kehendak Allah), takdir, untung: *ia teringatkan ~nya sendiri yg hampir sama dgn ~ Mak Konah ini*; *membawa ~* pergi merantau (mencari penghidupan) ke tempat lain; *mengadu ~* = *mencuba ~* melakukan sesuatu untung-untungan, bertaruh; *~ baik* beruntung, mujur; *~ buruk* malang (celaka, rugi);

senasib serupa nasibnya, sama penderitaannya: *kalau begitu ~lah kita ini*;

nasib-nasiban dgn mengadu nasib sahaja, untung-untungan;

bernasib beruntung; *~ baik* mendapat keuntungan (nasib yg baik).

nasihat ajaran, petunjuk yg baik, peringatan: *tidak mahu mendengar ~ orang tua-tua;*

menasihati **1.** memberi nasihat (ajaran, tunjuk ajar, dll) kpd: *ia sentiasa ~ anak-anaknya supaya tidak meninggalkan sembahyang; 2.* mengesyorkan kpd, menganjurkan kpd, mengusulkan kpd: *doktor ~nya supaya berhenti menghisap rokok dan meminum minuman keras;*

nasihat-menasihati saling memberi nasihat: *ternyata Islam memelihara kebebasan berpendapat melalui konsep ~ sesama Muslim; tegur-menegur dan ~ adalah antara unsur pendidikan yg berkesan;*

menasihatkan memberikan sesuatu sbg nasihat atau sbg tunjuk ajar;

penasihat orang yg memberi nasihat (tunjuk ajar dll);

~ ekonomi penasihat tentang pelbagai hal yg berkaitan dgn soal ekonomi; *~ kerjaya* penasihat tentang kerjaya; *~ pelaburan* orang atau pihak yg memberikan nasihat profesional tentang hal-hal pelaburan.

nasional berkaitan dgn bangsa, kebangsaan: *kita harus mengikuti gerakan atau cita-cita ~ kita itu sebaik-baiknya; pesta itu juga dimeriahkan dgn tarian dan nyanyian ~ oleh bermacam-macam bangsa;*

kenasionalan perihal sesuatu bangsa, kebangsaan.

nasionalis orang yg mencintai nusa dan bangsanya, pencinta bangsa, patriot: *dia memang seorang ~, dan sentiasa mengikuti perkembangan politik di negeri ini.*

nasionalisasi perihal menjadikan sesuatu (syarikat, industri, dsb) milik negara, pemilikan negara;

menasionalisasikan menjadikan milik negara atau bangsa, memiliknegerakan.

nasionalisir; menasionalisir IB menasionalisasikan.

nasionalisme 1. perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri yg mendalam:

sekolah rakyat dlm cerita itu akan menjadi simbol ~; 2. pergerakan utk mencapai kebebasan ekonomi dan politik drpd kuasa asing, semangat kebangsaan: *kaum intelek yg berpendidikan Barat menjadi pelopor ~, politik dan kebudayaan.*

nasionalistik berkaitan dgn (berasaskan dsb) nasionalisme, (yg)

menunjukkan nasionalisme, (yg) mengutamakan bangsa dan negara: *ia menyenangi Shahnnon Ahmad yg sekian lama telah memperlihatkan sikap ~nya; ertinya Biro ini mahukan dasar belia itu mirip ke arah kepentingan yg lebih ~.*

naskhah 1. karangan dll yg bertulis tangan, manuskrip; **2.** Id karangan asal

(yg akan dicetak atau diterbitkan), manuskrip, skrip; **3.** penjodoh bilangan utk buku (majalah, surat khabar, dll), buah: *majalah itu berharga RM1.50 se~; 4.* rang (undang-undang, perlembagaan, dll), rancangan.

Nasrani 1. Kristian; *masuk ~* memeluk agama Kristian; **2.** keturunan Portugis dgn perempuan Asia;

menasranikan menjadikan seseorang Nasrani, mengkristiankan;

kenasranian bkn Nasrani, bersifat Nasrani; **Serani II.**

nasut Ar kemanusiaan; *alam ~* alam manusia, seluruh manusia.

nasyid Ar lagu (biasanya dinyanyikan secara kumpulan) yg mengandungi

seni kata yg berunsur Islam: *terdengarlah suara suci kudus melagukan ~ dan qasidah;*

bernasyid menyampaikan nasyid: *kumpulan nasyid ini ~ di majlis-majlis keramaian.*

nat I gelang logam yg bahagian dalamnya berbenang, yg cocok dgn benang skru.

nat II Kd, Pl pasar harian, pekan sari.

nata = *sang* ~ sl baginda, raja.

Natal = *hari* ~ hari raya orang Kristian kerana memperingati lahirnya Jesus Christ (jatuh pd 25 Disember setiap tahun), hari Krismas.

natang sl tingkap (jendela) kecil.

natar warna dasar (pd kain), tanah kain: *tatkala hamba berbaju putih diikatnya dgn cindai ~ merah;*

bernatarkan mempunyai atau menggunakan sesuatu warna sbg natar: *corak menjalar yg ~ putih tampak ceria bersama paduan daun hijau berbunga lembayung; → latar.*

nati si bodoh, si tolol: *hai ~, akulah raja.*

natijah Ar keputusan (dr sesuatu), kesudahan, kesimpulan, akibat: *kadangkadangkang apa yg kita benci dan tidak suka itu baik ~nya; ~ drpd perkembangan ekonomi kolonial spt itu amat buruk padahnya kpd masyarakat Melayu;*

menatijahkan mendatangkan natijah, mengakibatkan: *pembangunan yg tertumpu pd aspek materialistik semata-mata hanya akan ~ kehancuran sesuatu peradaban; keadaan ini akan ~ perkembangan yg tidak seimbang.*

NATO akronim bagi *North Atlantic Treaty Organisation* (Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara).

natrium (Kim) unsur logam yg mudah teroksida dlm udara dan sangat reaktif;

~ hidrogen karbonat = ~ bikarbonat sj sebatian berbentuk serbuk atau hablur berwarna putih yg digunakan utk membuat minuman

bergas dan serbuk penaik, soda penaik; ~ *hidroksida* sj sebatian yg berbentuk pepejal putih, bersifat mengakis apabila berair, dan digunakan dlm industri bahan kimia, kertas, dsb, soda kaustik; ~ *karbonat* sj sebatian yg berwarna putih dan digunakan utk membuat kaca, kertas, sabun, detergen, dsb, soda abu; ~ *klorida* sj sebatian berbentuk hablur, tidak berwarna atau berwarna putih, dan digunakan dlm industri bahan kimia, metalurgi, pengawetan makanan, dll, garam.

natural 1. (yg) bersifat semula jadi, alamiah: *perkembangan yg sihat dan ~ dlm proses pembinaan bahasa*; **2.** (yg) menjadi kebiasaan, kelaziman.

naturalis (Sas) orang yg menyokong atau mendukung konsep naturalisme.

naturalisasi (Udg) pemberian hak warganegara kpd seseorang yg bukan warganegara asal sesebuah negara setelah orang itu memenuhi syarat permastautinan dan syarat lain;

menaturalisasikan memberikan hak sbg warganegara kpd orang asing setelah orang itu memenuhi syarat permastautinan dan syarat lain, mewarganegarkan.

naturalisme (Sas) aliran atau pandangan dlm seni dan sastera yg berusaha utk menggambarkan sesuatu (manusia, objek dsb) dlm keadaan atau sifatnya yg sebenarnya.

naturopati cara mengubati sesuatu penyakit dgn menggunakan sumber-sumber semula jadi spt herba, udara segar, cahaya matahari dsb.

nau Pl orang yg gila perempuan, orang yg gila urat.

nauli-nauli sj tumbuhan (pokok renek), *Ardisia colorata*.

naung, naungan 1. tempat teduh (di bawah pohon dll), lindungan: *duduklah dia di bawah ~ sebatang pokok cemara; panas di sini, tidak ada naungan utk berteduh*; **2.** ki jagaan, asuhan, kawalan,

perlindungan: *dia yakin benar bahawa negeri ini akan kekal di bawah naungan orang putih;*

bernaung **1.** berlindung (di bawah pohon dll), berteduh: *baginda ketiga pun duduk ~ di bawah pohon kayu;* **2.** ki berlindung (pd kerajaan lain), menerima perlindungan (dr negara lain), menjadi daerah naungan: *kita tidak lagi ~ di bawah bendera Inggeris;*

bernaungkan bersandarkan (berharapkan) sesuatu sbg pernaungan: *hidup itu ~ penyerahan diri kpd Allah;*

menaungi **1.** melindungi, memayungi: *maka gagak pun mengembangkan sayapnya ~ segala orang yg duduk itu;* **2.** ki memberi naungan (kpd negeri lain), menjaga, mengawali: *dahulunya negeri-negeri Melayu itu dinaungi oleh kerajaan Inggeris;*

pernaungan **1.** tempat bernaung, perlindungan; **2.** perihal (perbuatan dsb) menaungi: *dgn cara paksaan, gesaan atau ~;*

penaungan perbuatan menaungi seseorang: *saya datang kepadamu utk mendapatkan ~ dan perlindungan;*

penaung orang yg memberi lindungan (bantuan, galakan, dll), pelindung.

nautika berkaitan dgn pelaut, perkapalan atau pelayaran: *batu ~; almanak ~.*

nauzubillah, nauzubillahi Ar kita berlindung dgn bantuan Allah (mudah-mudahan Allah melindungi kita).

navigator orang yg bertugas menentukan arah perjalanan sesuatu kenderaan, terutamanya kapal dan pesawat, pemandu arah.

nawa ark sembilan.

nawab Ar timbalan raja.

nawaitu Ar **1.** aku berniat; **2.** bp keinginan (kehendak dsb) yg terbit di dlm hati utk melakukan sesuatu, niat: *buatlah kerja masing-masing dgn ~ yg ikhlas demi perpaduan bangsa sendiri; Allah sahaja yg maha mengetahui ~ kamu itu.*

nawak Kl bohong, berbohong.

nayaka sl pembesar negeri, menteri.

nayam mata tenggala (bajak), pengunjam tenggala.

nayap Jw mencuri (siang-siang hari).

nayub = **nayuban** Jw menari (dgn gadis-gadis penari), mengebeng (dgn tandak).

nazak Ar **1.** keadaan orang yg hampir akan mati: *tadi abang berada di rumah sakit Bangsar di mana dua manusia sedang terbaring ~* ; **2.** ki teruk benar (keadaan sesuatu benda), hampir tidak boleh dipakai lagi.

nazam Ar sj gubahan puisi (spt sajak, syair);

bernazam bercerita dgn lagu, bersajak, bersyair;

menazamkan menceritakan dgn lagu, menggubah, menyajakkan.

nazar Ar janji utk berbuat sesuatu apabila tercapai hajat, kaul, niat; *membayar (melepaskan, menunaikan) ~* membuat atau menunaikan apa yg telah dijanjikan;

bernazar berjanji akan membuat sesuatu (apabila tercapai hajat), berkaul, berniat: *ia ~ , jika ia lulus dlm peperiksaannya nanti ia akan berpuasa tiga hari;*

menazarkan menjanjikan utk berbuat sesuatu (jika hajat tercapai), mengaulkan, meniatkan.

Nazi ahli Parti Pekerja Sosialis Kebangsaan Jerman yg diasaskan pd tahun 1919 dan mendapat kuasa politik negeri pd tahun 1933 di bawah pimpinan Adolf Hitler.

nazim Ar penggubah sajak (syair dll), penyair, pengarang.

nazir Ar pelawat, pengawas, pemeriksa; ~ *sekolah* pemeriksa sekolah.

Nb simbol kimia bagi niobium.

Nd simbol kimia bagi neodimium.

ndak I bp tidak.

ndak II bp hendak.

ndeng (ndéng) Kl budak yg mengikuti sami Siam.

Ne simbol kimia bagi neon.

nebeng (nébéng) I Kl ketua kampung, tuk empat.

nebeng (nébéng) II turut makan (minum dll) tetapi tidak membayar.

nebula (nébula) kepulan gas dan zarah yg kelihatan spt tompokan cahaya yg kabur di langit pd waktu malam.

necis IB bp bersih dan rapi.

nefologi (néfologi) kajian tentang awan.

nefralgia (néfralgia) (Ubat) rasa sakit pd buah pinggang.

nefrektomi (néfréktomi) (Ubat) pembuangan buah pinggang secara pembedahan.

nefritis (néfritis) (Ubat) radang pd buah pinggang.

nefrolitiasis (néfrolitiasis) (Ubat) keadaan terdapatnya batu pd buah pinggang.

nefrologi (néfrologi) kajian tentang buah pinggang dan penyakit yg berkaitan dengannya.

nefron (néfron) (Bio) tiub halus dlm ginjal yg merembeskan air kencing.

nefropiosis (néfropiosis) (Ubat) pernanahan buah pinggang.

nefrosis (néfrosis) (Ubat) sj penyakit buah pinggang.

nefrotomi (néfrotomi) (Ubat) insisi buah pinggang secara pembedahan.

Neg kep negeri atau negara.

negara I 1. suatu masyarakat yg menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan; 2. kawasan yg di bawah kekuasaan kerajaan tertentu, negeri: ~ *China*; 3. yg berkaitan dgn negara (masyarakat dan kawasan di bawah suatu kerajaan);

ahli ~ pemerintah negara, negarawan; *bank* ~ bank kepunyaan negara; *tata* ~ aturan dan susunan negara; ~ *bahagian* negara yg menjadi anggota sesebuah negara persekutuan; ~ *bangsa* negara berdaulat yg didiami oleh satu bangsa; ~ *besar* negara yg kuat dan berpengaruh; ~ *dunia ketiga* negara-negara di Afrika, Asia dan Amerika Latin secara kolektif yg dianggap masih mundur atau sedang membangun; ~ *hukum* negara yg menjalankan kekuasaannya menurut hukum; ~ *jiran* = ~ *tetangga* negara yg berjiran (mempunyai sempadan yg sama); ~ *kebajikan* negara yg mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyatnya dgn memberikan berbagai-bagai perlindungan sosial, spt elaun pengangguran, pencen, perubatan percuma dsb; ~ *kesatuan* negara yg dikuasai langsung oleh pemerintahan pusat (bukan persekutuan); ~ *kota* negara berautonomi yg terdiri drpd kota dan wilayah di sekelilingnya; ~ *maju* negara kaya yg sebahagian terbesar ekonominya bergantung pd industri dan penduduknya menikmati taraf hidup yg tinggi; ~ *matahari terbit* negara Jepun; ~ *membangun* negara yg sedang giat meningkatkan taraf hidup, ekonomi, dll; ~ *mundur* negara(-negara) yg masih jauh ketinggalan terutamanya dlm kemajuan ekonomi; ~ *perindustrian* negara yg kemajuan dan kekuatan ekonominya berteraskan pelbagai industri; ~ *pertanian* negara yg sebahagian besar drpd penduduknya petani atau yg ekonominya berdasarkan pertanian; ~ *polis* negara yg kebebasan dan pergerakan rakyatnya dikawal oleh pemerintah dgn menggunakan

kekuasaan polis; ~ *pulau* negara yg wilayahnya terdiri drpd sebuah pulau; ~ *Selatan* nama lain bagi negara membangun; ~ *Utara* nama lain bagi negara maju;

bernegara mempunyai negara;

kenegaraan perihal negara: *hidup kemasyarakatan dan hidup ~* .

negara II puncak bukit yg agak rata, penara bukit: *maka diikuti baginda ke atas bukit, bertemu di ~ bukit itu*.

negarawan 1. orang yg mahir benar dgn cara-cara pemerintahan negara, orang yg memegang atau pernah memegang tampuk pemerintahan sesebuah negara, ahli negara: *Churchill ialah seorang ~ Inggeris yg ulung*; **2.** pemimpin politik yg sangat dihormati kerana sifat-sifatnya (spt kebijaksanaannya, kejujurannya, dll) yg unggul;

kenegarawanan sifat atau kebolehan sbg negarawan.

negatif (négatif) 1. pernyataan tidak atau bukan, tidak setuju, ingkar: *saya menjawab ~, walaupun hati kecil saya mahu meletuskan simpati*; **2.** tidak mempunyai nilai, ciri, kualiti dsb yg membina (meyakinkan, bersemangat, pasti dsb): *mereka dianggap bersikap ~ terhadap perubahan ataupun terhadap diri mereka sendiri*; *golongan yg putus asa itu mempunyai sikap yg ~ terhadap hidupnya*; **3.** cenderung membawa kesan atau pengaruh yg tidak elok (membahayakan, merosakkan dsb): *perubahan ~ biasanya lebih cepat mendapat reaksi berbanding dgn perubahan positif*; *kita sedar akan bahaya drpd penyebaran budaya ~ yg dianggap oleh penyebaranya sbg budaya moden dan maju*; **4.** tidak menunjukkan sebarang tanda atau bukti adanya sesuatu penyakit atau keadaan (bkn hasil ujian diagnosis dsb): *mereka yg disyaki menagih dadah itu telah dibebaskan oleh pihak polis setelah hasil ujian air kencing mereka didapati ~*; **5.** = nombor

~ (Mat) nombor yg lebih kecil drpd sifar; **6.** kurang drpd sifar: *kayu bergergaji diramalkan akan menunjukkan kadar pertumbuhan yg ~;*

7. imej foto pd filem yg belum berupa gambar;

menegatifkan menjadikan negatif: *tanggapan sendiri yg ~ sesuatu akan menyebabkan kita menjadi kurang berani menghadapi realiti dan cabaran;*

kenegatifan perihal (keadaan) negatif.

negativisme (négativisme) sikap yg cenderung utk menafikan (menentang, mengingkari) sesuatu,

Neger (négér) Id orang kulit hitam (di Afrika), Negro.

negeri 1. daerah tempat tinggal (kampung, negara, dll): *membuka ~; ia berasal dr ~ China; anak ~ penduduk asli sesuatu tempat, bumiputera; 2.* daerah yg di bawah perintah seorang sultan atau gabenor: *saya berasal dr ~ Pahang; dewan ~ majlis perundangan negeri; tanah ~ tanah milik negeri; 3.* kawasan bandar, bandar; *ibu ~ bandar yg dijadikan sbg kepala negeri, ibu kota; 4.* kerajaan, pemerintah; *S.M.A. N~ Id Sekolah Menengah Atas Kerajaan; 5.* bp, Id tanah asing (terutama negara-negara Barat); **6.** Mn sekumpulan kampung yg di bawah seorang ketua, daerah; *~ akhirat* alam sesudah kehidupan di dunia ini;

~ angkat negeri yg dianggap sbg negeri sendiri; *~ as Id = ~ pasak (Itali, Jepun dan Jerman dlm perang dunia kedua); ~ asing negeri* bukan negeri sendiri; *~ Cik Siti Wan Kembang* panggilan bagi negeri Kelantan; *N~ Di Bawah Bayu* panggilan bagi negeri Sabah; *N~-N~ Selat* negeri-negeri (Melaka, Pulau Pinang dan Singapura) yg diperintah langsung oleh orang Inggeris pd zaman penjajahan; *~ yg baka (kekal)* akhirat; *~ yg fana* dunia;

~ *gedang*, *rumah gedang*, *berapa pun panjang perian tak akan tersanduk* prb orang kaya yg murah hati biarpun banyak orang yg meminta pertolongan kepadanya tidaklah ia akan gusar atau susah; *alpa* ~ *alah*, *sia-sia hutang tumbuh* prb jika alpa atau sia-sia kerugian dan bencana juga yg menimpa; *ibarat* ~ *berubah resam* prb hal manusia itu berubah-ubah fikirannya; *ke* ~ *cacing* prb mati; *spt* ~ *dialahkan geroda* prb negeri atau kampung yg menjadi sunyi kerana penyakit atau malapetaka yg lain;

bernegeri **1.** mempunyai negeri; **2.** mempunyai tempat tinggal, berkediaman: *sedang baginda* ~ *di Pasir Raja dewasa itulah datang kpd hamba Seri Nara Wangsa*;

kenegerian perihal negeri, yg menunjukkan sifat-sifat atau ciri-ciri negeri; *faham* ~ faham kedaerahan.

Negeri Sembilan negeri di barat daya Semenanjung, keluasan 6643 km², Seremban sbg ibu negeri.

Negrito penduduk asli Semenanjung Malaysia, yg tinggal di pedalaman utara Perak dan Kelantan.

Negro (négro) penduduk asli berkulit hitam di Afrika dan keturunan mereka di tempat-tempat lain.

negun Pr ligat atau cepat (pusingan gasing).

negus (négus) gelaran Raja Habsyah.

nek Jw mual, muak.

nek (nék) singkatan bagi nenek.

neka (néka) Kl sj talam.

nekad (nékad) = **menekad** **1.** keras atau kuat kemahuan, tabah serta cekal hati: *kebolehannya bercakap bahasa Melayu lebih drpd dahulu dan semangatnya utk belajar lebih* ~; **2.** tidak berasa takut-takut lagi,

terlalu berani: *apabila habis serangan udara, guni beras itu lesap dibawa oleh orang yg ~; rompakan bank yg ~; 3. tidak mempedulikan apa-apa lagi (utk melakukan sesuatu), tidak berfikir panjang lagi: ia tidak mempunyai perhitungan apa-apa, ia sudah ~, dan sudah berserah sepenuhnya kpd takdir; 4. tidak mahu mengalah dll, berkeras kepala, berdegil: orang yg kalah itu tetap ~ saja;*

kenekadan perihal nekad.

nekara (Muz) sj gendang satu muka berbentuk pasu yg dipalu dgn rotan dlm permainan nobat.

nekat → **nekad**.

nekrosis (nékrosis) (Ubat) kematian sel yg berlaku pd sebahagian tisu atau organ.

neksus (néksus) (Komp) pautan atau penyambung yg menghubungkan dua talian.

nektai (néktai) bp tali leher.

nektar (néktar) (Bio) cecair manis yg terdapat pd bunga dan biasanya dihisap oleh lebah dan serangga lain, madu bunga.

nekton (nékton) (Bio) organisma akuatik yg aktif berenang.

nelas Kl lecet (kulit), lelas.

nelayan penangkap ikan di laut: *kebanyakan orang Melayu hidup dgn bersawah, menjadi ~ atau tuan punya kebun kecil; ~ pantai* nelayan yg menangkap ikan di sepanjang perairan dekat pantai, biasanya menggunakan bot kecil sahaja, peralatannya serba kekurangan, hasil tangkapannya kecil dsb.

nempanjur sj tumbuhan (pokok), keranji betung, *Dialum maingayi*.

nenas → **nanas**.

nen (nén) sl ini: *jika dibunuh patik ~ mati, jikalau untung anak pulang.*

nenasi sj tumbuhan (pokok), nasi-nasi, *Symplocos fasciculata*.

nenda (nénda) singkatan bagi nenenda.

nenek (nének) **1.** orang tua kpd emak atau ayah (umumnya emak kpd ibu atau bapa); *datuk* ~ nenek moyang; *saudara se~* saudara sepupu; **2.** = **nenek-nenek** panggilan umum kpd perempuan yg sudah tua: ~ *kebayan*.

nenekanda (nénekanda), **nenenda** (nénénda) bh nenek atau datuk (biasanya digunakan dlm surat-menyurat).

nenek moyang keturunan kita yg dahulu-dahulu, orang-orang dahulu yg menurunkan kita, leluhur;

bernenekmoyangkan mempunyai seseorang (keturunan atau golongan tertentu) sbg nenek moyang: *terdapat kahwin campur antara etnik yg ~ rumpun Melayu dr Kepulauan Melayu dgn etnik India*.

neneri, nenering sj tumbuhan (pokok), nering, *Parkia biglandulosa*.

nenes (nénés); **menenes** meleleh sedikit-sedikit (spt nanah dr kudis dll).

neng (néng) **I** (Sunda) panggilan kpd anak perempuan yg orang tuanya patut dihormati.

neng (néng) **II** bunyi spt bunyi loceng dll.

nengar Kl sangat, sungguh, benar; *pedas* ~ pedas sungguh.

nengun Kl (duduk) termenung.

nenram Pl sj pisau utk memotong padi.

nentiasa sl sentiasa, senantiasa.

nenyuar sj ikan darat, nyuar, *Luciosoma setigerum*.

neo- (néo) *awalan asing* baru, mis *neokolonialisme*.

neodimium (néodimium) (Kim) sj unsur logam yg lembut dan beracun.

neoklasik (néoklasik) berkaitan dgn penghidupan semula ciri-ciri klasik dlm kesusasteraan, seni bina, dsb.

neoklasisme (néoklasisme) (S.Lukis) gaya seni lukis Eropah hujung abad kelapan belas yg cenderung kpd unsur-unsur klasik Yunani dan Rumawi.

neokolonialisme (néokolonialisme) peluasan pengaruh politik oleh sesebuah kuasa besar ke atas negara lain yg baru merdeka, terutamanya melalui tekanan ekonomi.

neolitik (néolitik) (Sej) (berkaitan dgn) peringkat akhir Zaman Batu apabila manusia mula tinggal menetap, bercucuk tanam, berternak, dan mengasah batu utk dijadikan alat kegunaan seharian.

neologisme (néologisme) (Lin) **1.** kata (atau frasa) yg baru dibentuk, kata baru; **2.** pemakaian atau pembentukan kata baru.

neon (néon) (Kim) unsur gas nadir, tidak berwarna, tidak berbau, wujud dlm atmosfera, digunakan dlm papan tanda dan lampu.

neonat (néonat) (Ubat) bayi yg baru lahir(kurang drpd empat minggu umurnya).

neonatal (néonatal) (Ubat) bkn bayi yg baru lahir: *kadar kematian ~ semakin berkurangan di negara ini.*

neoprena (néopréna) (Kim) sj getah tiruan.

nepotisme (népotisme) perbuatan atau amalan yg mementingkan atau melebihkan sanak-saudara dan kawan-kawan sendiri sahaja.

Neptun (néptun) planet yg kelapan jauhnya dr matahari.

neptunium (néptunium) (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

neraca **1.** alat utk menimbang (yg lengannya sama panjang), sj dacing; **2.** timbangan, dacing: *alat yg digunakan utk mencari beratnya sesuatu benda itu dinamakan ~; ~ spring* timbangan yg menggunakan spring;

3. Id catatan perbandingan wang masuk dan wang keluar (untung rugi dll) oleh sesuatu badan perniagaan dll, timbangan kira-kira; **4.** perbandingan berat (kuat dll), pertimbangan: ~ *kekuatan*; ~ *pembayaran* Id perbandingan antara penerimaan dan pengeluaran wang (dlm perniagaan antarabangsa); ~ *perdagangan* Id perbandingan antara eksport dan import (oleh sesebuah negara); ~ *palingan bungkal, hati palingan Tuhan* prb fikiran atau pendirian seseorang itu boleh berubah-ubah; ~ *yg palingan, bungkal yg piawai* prb perihal hakim yg adil hukumannya.

neraka 1. alam akhirat tempat orang yg berdosa disiksa, lwn syurga; ~ *jahanam* neraka yg paling besar; **2.** bp segala macam seksaan (bencana, kesusahan): *inilah yg disebut ~ dunia*; **3.** celaka, sial: ~ *kau ini*; **4.** ki tempat yg penuh dgn seksaan, kesusahan, dan bencana: *rumah itu bagaikan ~ baginya*;

menerakakan mendatangkan bencana, mencelakakan;

kenerakaan perihal neraka, kecelakaan: *apa yg ditemuinya di Kampung Kambing itu ialah keduniaan belaka, kejasmanian belaka, ~ belaka.*

neram sj tumbuhan (pokok), *Dipterocarpus oblongifolius*.

nerapi sj tumbuhan (pokok renek), terapi, *Glycosmis puberula*.

neri sj tumbuhan (pokok), nering, *Parkia biglandulosa*.

nerian sj tumbuhan (pokok), kenanga, *Canarium odoratum*.

nering sj tumbuhan (pokok), neneri, neri, *Parkia biglandulosa*.

neron Kl kotak peluru.

nescaya tidak boleh tidak, sudah tentu: *sekiranya undang-undang tidak ada, ~ masyarakat akan menjadi kacau-bilau*;

menescayakan menjadikan tidak boleh tidak;

kenescayaan perihal tidak boleh tidak.

nestapa = *duka* ~ sedih hati, susah hati, dukacita: *air mata Arthur menitis dan aku tenggelam dlm ~ memikirkan nasib kawan-kawan di dasar laut;*

kenestapaan perihal nestapa, kesedihan, kesusahan hati.

net (nét); *kain* ~ kain jarang (spt jaring).

neting Kl melompat, melenting.

netral (nétral) neutral.

netto (nétto) IB setelah ditolak segala yg harus dibuang atau diketepikan (bkn pendapatan, gaji, berat sesuatu, dll), bersih; *berat* ~ berat bersih (sesudah ditolak atau dibuang bungkusnya, kotaknya, dll).

netup Kl menggelembung dan berisi air (bkn kulit yg melecup, dll).

neuralgia (néuralgia) (Ubat) kesakitan yg teruk yg dirasai di sepanjang laluan saraf.

neuritis (néuritis) (Ubat) radang pd saraf.

neurofarmakologi (néurofarmakologi) cabang perubatan yg mengkaji kesan tindakan ubat terhadap sistem saraf.

neurofisiologi (néurofisiologi) kajian tentang fungsi sistem saraf.

neurologi (néurologi) kajian tentang anatomi, fisiologi, dan penyakit-penyakit sistem saraf.

neuron (néuron) (Bio) sel saraf.

neuromalaksasi (néuromalaksasi) (Ubat) kelumpuhan yg disebabkan oleh penyakit saraf.

neuropatologi (néuropatologi) cabang perubatan yg mengkaji struktur dan bentuk sistem saraf dan segala penyakit yg berkaitan dengannya.

neuroplasti (néuroplasti) (Ubat) pembaikpulihan saraf secara pembedahan.

neurosis (néurosis) (Psi) gangguan emosi akibat konflik yg tidak dapat diselesaikan, yg dicirikan dgn keresahan (sama ada melalui pertuturan atau perlakuan tertentu).

neurosurgeri (néurosurgeri) (Ubat) **1.** pembedahan yg dilakukan terhadap sistem saraf, terutamanya otak dan saraf tunjang; **2.** cabang ilmu perubatan yg berkaitan dgn pembedahan saraf.

neurotik (néurotik) (Psi) mempunyai ciri neurosis.

neuter (néuter) (Lin) berkaitan dgn kata yg bersifat neutral, iaitu tidak memiliki unsur maskulin atau feminin.

neutral (néutral) **1.** tidak menyebelahi mana-mana pihak, berkecuali: *aku mengejar politik ~*; **2.** Id tidak jantan dan tidak betina (bkn kata-kata), tidak aktif dan tidak pasif (bkn ayat); **3.** (Kim) tidak berasid atau berbes: *larutan ~*; **4.** (Fiz) tidak bercas elektrik: *zarah ~*;

meneutralkan **1.** menjadikan neutral (tidak berpihak ke mana-mana), menjadikan berkecuali: *~ bandar Baitulmuqaddis*; **2.** ki menjadikan tidak berbahaya atau berbisa (racun dll), menawarkan, melunturkan (bisa dll): *~ tuduhan-tuduhan lawan*; **3.** (Kim) menjadikan larutan neutral (dgn menambahkan asid pd larutan berbes dan menambahkan bes kpd larutan berasid); **4.** (Fiz) menjadikan sesuatu (zarah dll) tidak bercas;

keneutralan perihal neutral: *memelihara ~*;

peneutralan perihal (proses) meneutralkan sesuatu;

peneutral bahan yg meneutralkan: *bahan ~ asid*.

neutralisme (néutralisme) dasar, sikap atau amalan tidak memihak kpd mana-mana blok kuasa dsb, terutamanya dlm hubungan antarabangsa.

neutron (néutron) (Fiz) zarah yg tidak bercas (neutral) yg terdapat dlm nukleus atom semua unsur, kecuali isotop hidrogen.

newar Tr merayau tanpa tujuan: *kalau dia ~, hampir tengah hari, barulah dia pulang.*

nga huruf ke-21 abjad Jawi (mempunyai nilai 4000).

ngabehi (ngabéhi) Jw **1.** panggilan kpd pegawai negeri; **2.** ketua polis (di kampung dll).

ngacir Jk berlari cepat-cepat.

ngaco = ~ *belo* Jk bercakap tidak tentu fasal, merepek.

ngadah bp menengadah; → **tengadah.**

ngadap sl mengadap; → **hadap.**

ngah I kep tengah; *anak* ~ anak yg kedua.

ngah II; terngah-ngah terengah-engah; → **engah.**

ngah III Jk; *tidak* ~ tidak tahu, entah.

ngajangan Kl pelaminan.

ngajat sj tarian tradisional suku kaum Iban Kenyah, Kayan, Dayak Darat, dan Bidayuh di Sarawak.

ngaju Kl merajuk.

ngakah Jk terkakah-kakah.

ngakas Kl mengais ke sana ke mari (bkn ayam).

ngalau Mn gua.

ngalih Br penat, letih.

ngam bp cocok, sesuai, sepadan, sehati : *dia tidak ~ dgn saya;*

ngam-ngam cukup-cukup, genap-genap.

ngambek Jk marah; → **ambek.**

nganga terbuka luas-luas (mulut dll);

menganga 1. membuka mulut (lebar-lebar); **2.** ki tidak dapat lagi (apa yg dihajatkan dll), melepas: *kalau saya bertanya, awak kata nanti, apabila diambil orang kelak baru awak ~;*

mengangai membuka mulut terhadap (kpd);

mengangakan membuka mulut lebar-lebar (luas-luas): *maka dingangakannya oleh Merah Silu mulutnya, maka diludahi Rasul Allah;*

ternganga 1. terbuka lebar-lebar (mulut dll), terbuka luas: *maka mulutnya yg ~ itu pun terkatuplah; ia memandang pintu yg ~ lebar;*
2. ki (hairan) tercengang: *ia ~ mendengar ayahnya hendak berkahwin lagi.*

ngangut; mengangut menggerak-gerakkan mulut (spt mengunyah-ngunyah), mengumat-ngamitkan mulut.

ngantuk bp mengantuk; → **kantuk**.

ngap I lelah, letih: *kedua-duanya terbaring di atas tanah melepaskan ~ masing-masing;*

ngap-ngap terbuka mulutnya (spt hendak menarik nafas), termengah-mengah; **hungap**.

ngap II; mengap Pr, bp mendiamkan diri, tidak bercakap-cakap.

ngap III bp mengambil atau mencakup dan sekali gus membaham, menggigit, menelan, dsb sesuatu.

ngapa bp mengapa.

ngapal Kl mencari kayu hanyut ketika air bah.

ngapur Kl bercakap ketika tidak sedarkan diri, meracau, merepek.

ngarai I (Geog) lurah dalam yg bercerun tinggi dan curam, biasanya ada sebatang sungai mengalir di sepanjang dasarnya, kanyon.

ngarai II Kl bermimpi, mengigau.

ngator Kl (bkn perangai kanak-kanak) serba tidak kena dan menyusahkan.

ngaum; ngauman bunyi mengaum; → **aum I**.

ngaung bunyi yg bergaung (berdengung);

mengaung berbunyi ngaung: *bunyi jentera ~ di tengah jalan.*

ngawur Jk berkata sembarangan (tidak difikirkan dahulu), asal berkata sahaja, merawak rambang.

ngayau I; mengayau membunuh orang utk diambil kepalanya (adat beberapa suku bangsa yg belum bertamadun): *orang Dayak pd zaman dahulu mempunyai adat ~;*

pengayauan perihal (perbuatan) mengayau;

pengayau orang yg kerjanya mengayau: *mereka menghormati ~ sbg pahlawan.*

ngeak (ngéak) Mn; **mengeak** menangis spt tangis anak yg baru dilahirkan.

ngebeng (ngébéng) mengebeng; → **ebeng**.

ngekek (ngékék) Jw ketawa panjang, mengilai (ketawa nyaring); → **kekek I**.

ngelan Kl berlat-lat, berselang sehari.

ngelindur Jw mengigau.

ngeliur mengeluarkan liur, berliur.

ngelotok Jk mudah mengelupas, merekah, retak-retak.

ngeloyor Jw mengeluyur; → **keluyur**.

ngelu Jw berasa berat kepala, berasa pening sekali.

ngendon Jk menumpang (utk sementara) di tempat orang, menginap.

ngeng (ngéng) Ph, bp tidak berguna.

ngengap ngap-ngap; → **ngap I**.

ngengat sj serangga yg merosakkan pakaian dll, gegat.

ngengek (ngéngék); **mengengek** menangis berpanjangan (bkn kanak-kanak).

ngengkang (ngéngkang) bp mengangkang.

ngening penuh berisi (hingga sering kulitnya), tegang sungguh, sering.

ngeong (ngéong); **mengeong** mengiaiu.

ngeram bp geram.

ngeran berasa marah, tidak senang hati, sugul: *belum sempat habis kata bonda, maka Tun Teja pun ~.*

ngeri 1. berasa takut, meremang, seram: *~ dia melihat mayat itu tergelimpang*; **2.** = **mengerikan** mendatangkan rasa takut (seram dll), menakutkan: *kerongkongnya tersumbat dan lidahnya kelu oleh ingatan yg ~ itu; kematian itu sungguh-sungguh dahsyat dan mengerikan*;

kengerian 1. perihal ngeri, keseraman; **2.** berasa ngeri: *Hajah Bedah mengerutkan muka spt orang ~;*

pengeri orang yg mudah berasa ngeri.

ngeriap Jk mengeriap; → **keriap**.

ngering bunyi ring-ring.

ngerung; *~-ngering* bunyi spt bunyi barang berhantukan yg dibaurkan dgn bunyi dering: *segala bunyi-bunyian dipalu oranglah ~-ngering bunyinya.*

ngga Kl gila, tolol.

ngiak Kl menggerakkan badan dlm air supaya tidak tenggelam.

ngiang I; mengiang, mengiang-ngiang, terngiang, terngiang-ngiang 1. berbunyi mendenging (yg berpanjangan), berdenging-denging; **2.** terdengar-dengar (sesuatu yg telah didengar): *wasiat itu masih terngiang-ngiang di telinganya; terngiang-ngiang di telinga Mak Sum kata-kata Ismail.*

ngiang II; si ngiang-ngiang = *~ rimba* sj hantu (puntianak).

ngiaiu bunyi spt bunyi kucing, ngeong;

mengiaiu berbunyi ngiaiu;

ngiauan bunyi ngiau: ~nya yg mengerikan.

ngidem; ~ *gawe* (Palembang) menyembunyikan bukti kejahatan.

ngih; **mengih** membuang (hingus), mengesang.

ngijo, **ngijon** mengijo; → **ijo**.

ngik-ngik selalu sahaja sakit, mengidap penyakit; **ngukngik**.

ngilas sj tumbuhan (pokok) dlm famili Rosaceae, nyalas, mendailas (Sabah), *Parastemon urophyllus*.

ngiler Jk berliur, ingin sangat.

ngilu tidak enak pendengaran (kerana mendengar besi dikikir dll), tidak enak perasaan (kerana gigi dikikir dll), singkil; ~~~ *kuku* agak panas (air), suam-suam kuku;

mengilukan menyebabkan menjadi ngilu;

kengiluan 1. perihal ngilu; 2. berasa ngilu: *gigiku mengancing ~ apabila terdengar bunyi gerudi itu*.

ngiring sl mengiring.

ngiseng (ngiséng) Jw buang air besar.

NGO kep *Non-Governmental Organization* (Pertubuhan Bukan Kerajaan).

ngobrol mengobrol; → **obrol**.

ngombin; *tak* ~ Pr tidak bergerak-gerak.

ngomel (ngomé) mengomel; → **omel**.

ngomong mengomong; → **omong**.

ngompol Jw terkencing ketika tidur, mengompol; → **ompol**.

ngonek (ngonék) Kl mengikut dr belakang, mengekor.

ngong Kd bodoh benar, dungu, tolol.

ngongeng (ngongéng) Kl bunyi orang yg bercakap-cakap yg tidak jelas.

ngongoi; ngongoian **1.** tangisan terisak-isak; **2.** bunyi anjing merengek: ~
anjing-anjing itu bersahutan seakan-akan ingin mengadu kpd pemburu;

mengongoi menangis teresak-esak : *seorang gadis ~ sepanjang malam akibat kesepian;*

mengongoi-ngongoi berbunyi ngongoi: *pd kebiasaannya, anjing itu ~ manja di kaki tuannya.*

ngotot mengotot; → **otot.**

ngua Kl menjerit, melaung.

ngukngik selalu sahaja sakit-sakit, menghidap penyakit; → **ngik-ngik.**

ngumpet; mengumpet bersembunyi; → **umpet.**

ngung bunyi berdengung.

ngungap termengah-mengah, terngap-ngap.

ngutngit **1.** bunyi spt bunyi barang digosok dll; **2.** berkata yg bukan-bukan, meracau, merepek.

ngutngut bergerak-gerak mulutnya (bkn orang mengunyah dll), berkumat-kamit.

ni I singkatan bagi ini.

ni II singkatan bagi nini.

ni III Mn singkatan bagi uni (kakak perempuan).

ni IV Kd, bp engkau, awak, kamu.

Ni simbol kimia bagi nikel.

nia leher (baju).

niaga dagang, jual beli; *kapal* ~ kapal yg membawa dagangan;

berniaga, meniaga ark menjual barang sbg satu pekerjaan, berjual beli, berdagang: *aku dan Hassan Putih telah mulai ~ kecil-kecilan;*

mempelniagakan menjual dan membeli sesuatu (utk mencari keuntungan), memperdagangkan: *antara barang yg dipelniagakan orang pd masa itu ialah kain, kulit binatang, dan barang-barang permata;*

perniagaan perihal berniaga, perdagangan: *penjaga kedai itu menceritakan sambil mengeluh akan kemunduran ~ kedainya;*

peniaga 1. orang yg berniaga, pedagang; **2.** (Eko) ejen firma broker yg mempunyai lesen utk berjual beli saham, komoditi atau opsyen yg mewakili pelanggannya dgn menerima gaji tetap.

nian 1. terlalu sangat, amat, benar, sungguh: *bodoh ~ orang itu;* **2.** kata utk menguatkan maksud kata sebelumnya: *ada pun harta ayahanda sudah tentu ~ tidak akan pulang lagi pd ayahanda; sebentar ~ sebentar sahaja.*

niasin (Bio) sj asid yg tergolong dlm kumpulan vitamin B kompleks, banyak terdapat dlm daging, yis, hati, dll, dan penting dlm pemakanan kerana asid ini dapat mencegah penyakit pelagra, asid nikotini.

niat 1. maksud atau tujuan sesuatu perbuatan: *mematikan orang sakit dgn ~ hendak menamatkan penderitaannya ialah suatu kesalahan;* **2.** ingatan (dlm hati): *~ kita hendak ke Kampar;* *~ baik* maksud yg baik; *~ hati* tujuan (kehendak) hati; **3.** janji (dlm hati) utk melakukan sesuatu jika tercabul sesuatu yg dihayati, kaul, nazar; *melepas ~ membayar nazar;*

berniat 1. bertujuan (akan), bermaksud (akan): *aku pun tidak ~ lagi hendak pulang ke rumahmu;* **2.** berjanji (akan), berkaul, bernazar: *beta ini laki isteri hendak pergi berkaul dan ~ di lautan Tanjung Jati;*

berniat-niat berharap-harap supaya, mengharap benar;

meniatkan **1.** mengharapkan, memaksudkan: *niat itu hendaklah diniatkan dlm hati*; **2.** menjanjikan utk melakukan sesuatu (setelah sampai hajat dll), mengaulkan, menazarkan; **3.** Mn berdoa utk memohon sesuatu, mengharapkan;

terniat telah diniatkan, datang niat, termaksud: *Nahidah tidak ~ hendak mengkhabarkanya*;

niatan niat.

nibel (Komp) unit data atau saiz daftar yg terdiri drpd perkataan atau kedudukan yg panjangnya 4 bit.

nibung sj tumbuhan (palma yg batangnya berduri dan umbutnya boleh dimakan), *Oncosperma tigillaria*.

nibus IB sj bas.

nidera sl terlena, nyedar, nyenyak.

nifak Ar sifat orang munafik.

nifas **1.** = *darah* ~ darah yg keluar selepas bersalin (biasanya antara 40-60 hari); *mandi* ~ mandi yg diwajibkan selepas bersalin; **2.** Id sedang bersalin.

nihil tidak ada sesuatu apa, hampa, kosong;

kenihilan kekosongan, kehampaan.

nihilisme fahaman yg menolak semua nilai dan kepercayaan yg sedia ada.

nijas gelaran raja Habshah, negus.

nik Kl sj gelaran di Kelantan.

nika Id, bp pemerintahan Belanda sesudah Jepun menyerah (kep *Netherlands Indies Civil Administration*).

nikah akad (perjanjian) yg mengandungi lafaz ijab dan kabul yg menghalalkan pasangan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan, perkahwinan: *telah sudah ~, maka nasi adap-adapan*

pun dikeluarkan orang; akad ~ perjanjian perkahwinan; wakil ~ wakil pengantin lelaki dlm upacara nikah;

~ batin perkahwinan Orang Laut yg tidak menurut agama Islam; ~ gantung perkahwinan yg sudah sah tetapi belum dirasmikan dgn perayaan (suami isteri belum tinggal serumah); ~ taklik nikah dgn syarat-syarat (apabila tidak dipenuhi, gugur talaknya dll); ~ turun malim nikah utk menutup malu sahaja (selepas nikah bercerai pula); ~ zahir perkahwinan Orang Laut menurut agama Islam;

~ maharaja Boma (bumi) prb orang yg kerap kali berkahwin atau orang yg berkahwin dgn tidak mengeluarkan belanja apa-apa; masam bagai ~ tak suka prb tidak bersenang hati spt orang yg dipaksa kahwin;

bernikah mengikat hubungan sbg suami isteri yg sah, melangsungkan perkahwinan: *maka ~lah Tengku Kamariah itu dgn Raja Kecil; menikah* berkahwin, bernikah: *maka ~lah Jaliah dgn Basir;*

menikahi berkahwin dgn, mengahwini: *ia tentu tak mahu ~nya dan mengambilnya jadi isteri;*

menikahkan menjadikan sbg suami isteri; mengahwinkan: *maka kadi pun tampillah ~ si Luncai dgn Tuan Puteri itu;*

nikah-nikahan bp selalu bernikah, suka bernikah;

pernikahan perbuatan atau hal bernikah, perkahwinan.

nikdap Kl berjalan mundar-mandir (tanpa membuat sebarang pekerjaan).

nikel (Kim) sj unsur logam yg berwarna putih keperakan, mulur, tahan kakisan, dan digunakan utk membuat aloi, duit syiling, dll.

nikmat Ar **1.** anugerah Allah, kurnia: *tidak ramai makhluk yg tahu menghargai ~ Tuhan yg begini indah dan permai; 2. enak sekali,*

sedap sekali, lazat: *sedap? ...ah, lebih drpd sedap, inilah yg dikatakan lazat, inilah dianya ~*; **3.** keenakan, kelazatan, kesedapan: *manalah akan dicari ~ yg sebegini lagi?* **4.** sl makanan (yg lazat-lazat), sedap-sedapan: *telah sudah, maka segala halwa ~ pula diperedarkan oleh orang tambul sekalian raja-raja dan orang besar-besar;*

menikmati 1. mengecap (nikmat), mengalami atau merasai sesuatu yg sedap (lazat, menyamakan, dsb): *dlm kesibukan orang ~ nasi minyak, dia dapat lelap sekejap*; **2.** mengalami, merasai: *menjadi suatu tanggungjawab guru bahasa bagi mendidik kanak-kanak berperasaan halus dan ~ pengalaman-pengalaman baik melalui pelajaran bahasa;*

kenikmatan perihal nikmat, keenakan, kesedapan, kesenangan: *di bandar-bandar itu boleh kita dapati segala ~ tamadun moden;*

penikmatan perihal menikmati, pengecapan nikmat: *kita juga harus menentukan apakah bahan pembelajaran bahasa Melayu yg memungkinkan ~ keindahan bahasa; kursus AB 211 ialah pemahaman, ~ dan penilaian kesusasteraan I.*

nikotin → nikotina.

nikotina (Kim) sj bahan beracun yg terdapat dlm tembakau dan digunakan sbg racun serangga dan pewasap.

nikrom (Kim) aloi yg terdiri sebahagian besarnya drpd nikel, ferum, kromium, dan sedikit unsur-unsur lain, mempunyai rintangan elektrik dan takat lebur yg tinggi dan digunakan sbg dawai elektrik dll.

nila 1. (warna) biru; *~kandi = batu ~ = permata ~ sj permata nilam*; **2.** sj bahan pewarna biru (dibuat drpd daun tarum); *sebab ~ setitik, rosak susu sebelanga prb kerana yg sedikit, rosak yg banyak.*

nilai 1. taksiran harga: *berapa ~ gelang ini?* **2.** harga sesuatu dibandingkan dgn harga yg lain: *berapa ~ paun Sterling pd masa ini?* **3.** kadar, nisbah: *buah limau mempunyai ~ vitamin C yg tinggi;* **4.** darjat, kualiti, mutu, taraf: *Tuhfatul-Nafis ialah sebuah buku Melayu yg tinggi ~nya;* **5.** sifat ketinggian (pemikiran, agama, kemasyarakatan, dll): *kemajuan yg kita kejar dan perjuangkan bukanlah kemajuan dlm kebendaan tetapi kemajuan dlm ~ pergaulan dan kemasyarakatan;* **6.** Id markah;

~ *kalori* (Kim) kuantiti haba yg dibebaskan apabila seunit jisim bahan api dibakar; ~ *pasaran* (Eko) nilai semasa sesuatu sekuriti atau aset yg ditentukan oleh penawaran dan permintaan; ~ *pH* (Kim) nilai yg mewakili keasidan atau kealkalian sesuatu larutan akueus; ~ *tara* (Eko) harga tawaran asal bagi sesuatu sekuriti atau saham.

bernilai mempunyai nilai;

menilai 1. menentukan nilai, mentaksirkan, menghargai: *kesucian saya tidak boleh dinilai dgn wang ringgit; Haji Kasim ~ baik-baik stok perniagaannya;* **2.** Id memberi markah;

ternilai dapat dinilai; *tidak ~ sangat tinggi nilainya hingga tidak mungkin dapat dikira: utk mendapatkan keampunan-Nya, keredaan-Nya, dan rahmat-Nya yg tidak ~;*

nilaian harga, taksiran: *jika tuan tanah tidak bersetuju dgn ~ yg dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah itu, bolehlah ia meminta supaya Pemungut Hasil Tanah tadi membentangkan hal itu ke Mahkamah Tinggi;*

penilaian perihal atau perbuatan menilai, pentaksiran: *menurut ~ saya, cerpennya yg terbaharu lebih berjaya;*

penilai orang yg menilai, pentaksir.

nilakandi 1. sl permata nilam; **2.** (warna) biru langit.

nilam I; ~ *bukit* a) sj tumbuhan (herba), rumput kuku, *Pogostemon heyneanus*; b) sj tumbuhan (herba), *Scutellaria discolor*.

nilam II; *burung* ~ sj burung, ketilang.

nilam III; *batu* ~ sj batu permata yg biru warnanya.

nilau = ~ *paya* sj tumbuhan (pokok kecil), balik angin, *Commersonia bartramia*.

nilik Kl berhias (diri).

nilon bahan tiruan yg kukuh dan kenyal yg boleh dibentuk menjadi bebenang atau gentian dan digunakan utk membuat tali, tekstil, dll.

nilur; *perisai* ~ sj perisai yg berukir-ukir.

nimfa (Bio) serangga belum matang, terutamanya larva pematung atau serangga lain yg tidak lengkap metamorfosisnya.

nimfomania keinginan luar biasa yg ketara (pd wanita) utk melakukan hubungan seks (terutamanya dgn ramai lelaki).

nin sl ini.

ninabobok 1. nyanyian utk menidurkan anak, dodoi; **2.** ki sesuatu yg melemahkan semangat (kegiatan dll);

meninabobokkan 1. menyanyi supaya tidur (anak dll), mendodoikan; **2.** bp melemahkan semangat (kegiatan dll), menipu dgn sesuatu yg muluk-muluk: *pergaulan saya dgn mereka telah menghidupkan semangat saya yg dininabobokkan selama ini.*

ning I bunyi spt bunyi loceng kecil (giring dll).

ning II Pr hening (air), jernih.

ningrat = *kaum* ~ golongan orang mulia-mulia (besar-besar), kaum bangsawan, kaum borjuis;

keningratan perihal (sifat) ningrat: *janggut mereka sbg tanda ~.*

ningsun Jw kekasih(ku), buah hati(ku): *tuan emas juta aria ~, apakah sudahnya demikian ini.*

nini Jk nenek perempuan, (panggilan utk) perempuan tua.

ninja orang yg mahir dlm seni ninjutsu.

ninjutsu sj seni pertahanan diri orang Jepun yg dicirikan oleh perbuatan-perbuatan menyamar dan gerakan mencuri-curi.

niobit (Kim) mineral yg mengandungi ferum, mangan, niobium dan tantalum dan lebih kurang 8% uranium.

niobium (Kim) sj unsur logam yg berwarna putih, mulur, dan digunakan utk membuat aloi dsb.

nipah sj tumbuhan (palma yg daunnya dibuat atap atau daun rokok), *Nipa fruticans*.

nipis I tidak tebal, tipis;

menipis menjadi nipis;

menipiskan menjadikan nipis;

kenipisan keadaan atau sifat nipis: ~ *cakera brek boleh mengeluarkan bunyi bingit;*

penipisan proses atau perbuatan menipis atau menipiskan: ~ *ozon yg disebabkan oleh pembakaran plastik secara terbuka adalah membahayakan.*

nipis II; ~ *kulit* sj tumbuhan (pokok), delek ayam, *Ixora concinna*; *limau* ~ sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Citrus mecia*.

nipis III sj ikan laut, *Opisthopterus tardoore*.

nira air yg disadap dr mayang kelapa atau enau (boleh dibuat gula, tuak).

nirai Kd barisan (pokok padi dll), jajaran.

nirmala sl tidak bernoda (cemar), bersih, suci.

nirwana dlm keadaan yg lenyap langsung dan aman sesudah mati (dlm agama Buddha).

nisa Ar perempuan; *ilmu* ~ ilmu bkn perempuan (bagaimana boleh menawan hatinya dll).

nisab I Ar keturunan keluarga; → **nasab**.

nisab II Ar bilangan (jumlah) yg sekecil-kecilnya bagi benda yg dikenakan zakat: *harta yg kita peroleh itu wajib dikeluarkan zakat jika cukup ~nya.*

nisan = *batu* ~ batu tanda pd kubur yg biasanya mempunyai nama, tarikh, dsb orang yg dikebumikan.

nisbah I Ar nama yg menyatakan seketurunan (al-Attas, al-Habsyi, dll), perhubungan keluarga.

nisbah II perbandingan, perimbangan, kadar: *tujuh peratus ditulis 7% menunjukkan ~ 7:100 dan boleh digambarkan dgn pecahan 7/100; apabila asid dicampur dgn larutan alkali dgn ~nya yg tertentu, larutan yg terjadi itu menunjukkan sifat-sifat yg berlainan drpd asid atau alkali.*

nisbi bergantung pd bandingan dgn yg lain, tidak mutlak, relatif: *kalaupun orang mengatakan rumah itu besar, itu ~ sahaja, kerana membandingkannya dgn rumah yg lebih kecil, kalau dibandingkan dgn rumah yg lebih besar, rumah tersebut kecil;*

kenisbian perihal (sifat dsb) tidak mutlak, sifat relatif: ~ *nilai-nilai moral.*

nisfu Ar separuh, setengah; *N~ Syaaban* pertengahan bulan Syaaban (hari kelima belas dlm bulan Syaaban), iaitu antara hari yg dimulakan oleh Allah dan digalakkan melakukan pelbagai ibadah (spt membaca al-

Quran, berzikir, berselawat, beristighfar dsb pd malamnya dan berpuasa pd siangnya).

niskala tidak berwujud (berbenda), abstrak;

meniskalkan menyebabkan sesuatu menjadi tidak berwujud: *unit pengetahuan tidak boleh ~ perkara tersebut drpd pembawanya;*

keniskalaan perihal (keadaan) tidak berwujud, keabstrakan: *dia memberi perincian ini pd suatu ketentuan atas ~;*

peniskalaan perihal, proses atau perbuatan meniskalkan.

nista **1.** aib, cacat, cela, rasa malu: *bagiku, ini suatu ~ yg amat sangat;* **2.** kata-kata menghina (mencemar dll), makian, penghinaan: *dikatainyalah isterinya di muka kawan-kawannya dgn segala ~ dan penghinaan;* **3.** hina, keji, rendah: *kata-kata ~ ; makhluk ~ makhluk yg hina;*

menista **1.** memberi malu, mencela, mengaibkan: *jika ia berdosa, sebesar-besar dosanya sekalipun, jangan ia difadihatkan dan dinista dgn kata yg jahat;* **2.** mengata-ngatai, menghina, mengumpat: *kalian menuduh saya dgn segala kebohongan, mencemarkan kandungan buku itu, ~ saya, kemudian minta pula wang dr hasil peluh saya;*

nistaan celaan, cercaan, hinaan: *dahulu ia mendengar hal Tante Lien dr nyonya sebelah, tapi belum dipercayainya ~ itu;*

kenistaan perihal nista, keaiban, kehinaan, kecelaan: *beliau juga menyebut tentang ~ bahasa yg perlu dihindari oleh penyair.*

nistagnus (Ubat) pergerakan bola mata yg cepat dan luar kawal yg terjadi dlm keadaan-keadaan tertentu.

nisyon Pl mabuk (kerana minum arak dll).

nitis Jw menjelma; → **titis II.**

nitrat (Kim) sebatian yg mengandungi nitrogen dan oksigen dan digunakan sbg baja dlm aktiviti pertanian.

nitrida (Kim) sebatian nitrogen dgn unsur logam, mis *kalisum nitrida*.

nitrik (Kim) berkaitan dgn atau mengandungi nitrogen.

nitrit (Kim) garam yg diperoleh drpd asid nitrus.

nitrofuram (Ubat) bahan antibakteria yg amat berkesan utk menentang pelbagai jenis bakteria.

nitrogen (Kim) sj unsur gas yg tidak berbau, tidak berwarna, wujud semula jadi dlm dlm atmosfera (sebanyak 78%) dan digunakan dlm pembuatan ammonia, asid nitrik, bahan kimia, dll; ~ *dioksida* sj gas yg berwarna perang dan baunya menusuk hidung.

niur Mn nyiur.

nivenit (Kim) sj mineral yg mengandungi sedikit uranium.

no. kep nombor.

No simbol kimia bagi nobelium.

nobat 1. sl sj gendang besar: *maka berbunyilah ~ nafiri, bersambutan pula dgn bunyi-bunyian sekalian*; **2.** sj pancaragam Melayu yg bermain ketika raja ditabalkan dll: *setelah sujud tiga kali, maka ~ tabal pun berhentilah*; **3.** sl duduk di penghadapan, dihadap orang (bkn raja): *maka tujuh hari baginda tiada ~ sebab bercintakan Bendahara; naik ~ a) ditabalkan menjadi raja; b) Mn menjadi pengantin (kahwin);*

menobatkan menaikkan ke atas takhta kerajaan, menjadikan raja, memahkotai, menabalkan: *oleh Sultan Alauddin anakanda baginda itu dirajakan baginda di Kampar, dinobatkan dahulu di Melaka;*

penobatan perihal atau perbuatan menobatkan, penabalan.

nobelium (nobélium) (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

nod (Komp) **1.** titik tumpuan, temuan, atau sambungan dlm rajah, carta, graf, litar, rangkaian, dll; **2.** terminal komputer atau stesen perhubungan dlm rangkaian perhubungan komputer; ~ *saudara nod* dlm struktur pokok yg berada di bawah cabang yg sama.

noda **1.** bintik, kotoran (pd baju dll): *dibersihkannya ~ yg ada pd kainnya itu*; **2.** aib, cacat, cela, nista: *akan kukikis ~ ini dr diriku habis-habis*;

bernoda **1.** mempunyai noda (kotor): *kain yg ~*; **2.** mendapat aib, bercacat, bercela: *sebab sekali dia orang ~, sampai bila-bila senang sahaja orang kata dia orang tu ~* ;

menodai **1.** menjadikan bernoda, mengotori: *kelihatan bahagian bawah baju gaunnya sudah dinodai lumpur*; **2.** memburukkan nama baik dll, mengaibkan, mengejikan: *~ nama baik keluarganya*; **3.** mencabuli, memperkosai: *kehormatan Normah telah dinodai*;

ternoda telah dinodai: *niat yg suci itu menjadi ~ apabila disalurkan melalui cara yg hina*;

kenodaan keadaan ternoda: *mereka akan bangun menentang ~ hidup*;

penodaan perihal (perbuatan dsb) menodai, pencabulan: *dlm cerpen ini Ali melukiskan resah hati gadis yg malu setelah menerima akibat ~*;

penoda orang yg menodai (seseorang gadis dsb), orang yg mencabuli kehormatan seseorang (perempuan): *gadis tersebut mengandung tetapi ~nya sudah lama melarikan diri*.

nodul **1.** (Ubat) benjolan atau bengkak yg kecil bulat yg terdapat pd tubuh, biasanya sbg tanda sesuatu penyakit; **2.** (Bio) benjolan yg terdapat pd akar tumbuhan drpd famili Leguminosae, yg menjadi habitat bagi bakteria pengikat nitrogen.

nodus (Bio) struktur berbentuk bujur spt kapsul; ~ *limfa* struktur yg berbentuk bujur spt kapsul yg terdapat di sepanjang salur limfa, berfungsi sbg jala utk memerangkap dan memusnahkan bendasing semasa cecair limfa melalui salur tersebut.

noh Kd, Pn kata yg digunakan di akhir sesuatu pertanyaan.

noja sj tumbuhan (herba yg menghasilkan bahan utk mewarnai kain dll),
Peristrophe bivalis.

nokan (Muz) sj seruling yg berasal dr Jepun.

noktah Ar titik;

menoktahi ki mengakhiri: *aku mencari jalan agar pertemuan petang ini dinoktahi dgn perpisahan.*

nokturnal aktif pd waktu malam (bkn binatang dsb): *burung hantu ialah burung ~.*

nol IB **1.** angka kosong, sifar; **2.** tidak ada apa-apa, kosong, nihil.

nomad **1.** suku kaum yg berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat lain utk mencari padang ternak, makanan, dsb; **2.** orang yg suka berpindah dr satu tempat ke tempat lain.

nomadik (yg) menunjukkan sifat atau corak hidup dsb kaum nomad, tidak menetap lama pd sesuatu tempat tetapi selalu berpindah-randah:
masyarakat yg berbentuk ~ atau yg berburu utk hidup.

nombor tanda yg menyatakan bilangan, angka;

~ *asas* nombor dr 0 hingga 9; ~ *atom* (Kim) nombor yg menunjukkan bilangan proton di dlm nukleus atom atau bilangan elektron yg mengelilingi nukleus atom neutral; ~ *Avogadro* (Kim) bilangan molekul, atom, ion, atau elektron dlm satu mol bahan; ~ *bercampur* nombor yg mengandungi nombor penuh dgn angka pecahan; ~ *bulat* = ~ *penuh* nombor yg tidak ada angka pecahan; ~ *ganjil* nombor yg

berlebih apabila dibahagi dgn dua; ~ *genap* nombor yg tidak berlebih apabila dibahagi dgn dua; ~ *induk* = ~ *pokok* Id bilangan daftar dlm buku daftar; ~ *lepas* Id eceran (surat khabar, majalah); ~ *neutron* (Kim) bilangan neutron dlm sesuatu nukleus atom; ~ *pendaftaran* satu siri huruf dan nombor yg terdaftar dgn pihak yg berwajib, mis bagi kereta dan syarikat; ~ *pengenalan diri* nombor rahsia yg diperuntukkan kpd seseorang pemegang akaun, biasanya digunakan dgn kad bank utk mengeluarkan wang tunai melalui ATM; ~ *pengoksidaan* (Kim) bilangan elektron yg perlu ditambah kpd kation atau disingkirkan drpd anion utk memperoleh atom neutral; ~ *perduaan* (Mat) nombor yg menggunakan sistem penomboran berdasarkan dua angka asas, iaitu 0 dan 1; ~ *perenambelasan* (Mat) nombor dlm sistem angka yg berdasarkan enam belas angka asas, iaitu 0 hingga 9 dan A hingga F; ~ *perlapanan* (Mat) nombor dlm sistem angka yg berdasarkan lapan angka asas, iaitu 0 hingga 7; ~ *plat* nombor pendaftaran pd kenderaan bermotor; ~ *satu* a) angka satu; b) = ~ *wahid* bp yg terbaik atau terdahulu; ~ *siri* nombor yg menandakan satu-satu item atau butiran dlm sesuatu siri, mis pd wang kertas; ~ *tunggal* nombor yg hanya boleh dibahagi oleh nombor itu sendiri dan nombor satu (tanpa berlebih);

bernombor mempunyai nombor atau telah dinomborkan;

menombori memberi bernombor, memberikan nombor (bilangan) kpd;

penomboran perihal (perbuatan dsb) menombori (sesuatu): ~ *bab dibuat berdasarkan jenis dan kategori buku*.

nominal 1. sangat kecil atau sedikit sahaja berbanding dgn nilai, kos, harga dsb yg sebenarnya: *kami hanya dikenakan sewa ~*; **2.** IB menurut apa yg tertulis atau tercatat sahaja.

non I Id bp nona.

non II Id; *kaum* ~ bp orang yg tidak mahu bekerjasama dgn Belanda.

nona I Id panggilan utk gadis atau perempuan yg belum berkahwin (terutama kpd perempuan asing).

nona II; *buah* ~ a) sj tumbuhan (pokok dan buahnya), serikaya, *Annona squamosa*; b) sj tumbuhan (pokok dan buahnya), lonang, lonnek, *Annona reticulata*; ~ *burung* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), petekat, sekendai, sekendal, *Cordia dichotoma*.

nonagon (Mat) poligon yg mempunyai sembilan sisi.

nonagresi (nonagrési) IB tidak serang-menyerang.

nonaktif IB tidak diberikan sesuatu tugas (pegawai kerajaan atau tentera);

dinonaktifkan digantungkan dr jawatannya, tidak diberi bertugas.

nondeng (nondéng); **nondeng-nondeng** Kl terbuai-buai, tergantung-gantung.

noneng (nonéng) Tr; **menoneng** bergantung.

nonet (nonét) (Muz) gubahan muzik utk sembilan suara atau alat.

nongkrong Jw duduk mencangkung (di tempat ketinggian).

noni Id panggilan utk gadis yg masih kecil (nona kecil).

nonius Id sj alat pengukur sudut dll (yg sangat tepat).

nonok bk kemaluan (perempuan).

nonol sj binatang kecil (merosakkan kopi), *Zeazara coffiae*.

nonong; menonong, ternonong-nonong berjalan dgn pantas tanpa memandang kiri kanan lagi.

norak Jk kampung atau dusun (sbg lawan kota); *orang* ~ orang dusun, orang kampung.

norik Kl sj kambing yg berjanggut panjang.

norma **1.** ukuran utk menentukan sesuatu; **2.** peraturan atau ketentuan yg telah menjadi kebiasaan yg dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat dsb: *dia ingin memelihara ukuran-ukuran dan ~ yg telah ditetapkan; tindakan mereka mengikut ~ dan peraturan kekeluargaan mereka.*

normal **1.** menurut aturan, keadaan, atau pola yg lazim; **2.** biasa: *keadaan ~ keadaan biasa; guru ~ guru yg terlatih dgn cara menghadiri kursus tertentu (tidak memasuki maktab latihan tertentu); 3. garisan (pancaran cahaya dll) yg bertemu lurus dgn sesuatu permukaan;*

menormalkan **1.** menjadikan normal; **2.** menjadikan akur dgn sesuatu standard;

kenormalan keadaan normal: *~ fungsi jantung;*

ketaknormalan keadaan tidak normal: *sekiranya ~ berlaku, lawatan ke klinik atau hospital adalah perlu;*

penormalan proses menormalkan.

normatif yg menentukan atau berasaskan peraturan yg baku atau standard, preskriptif: *secara ~, perkembangan bahasa dibakukan dan dikembangkan oleh suatu badan atau kelompok masyarakat yg mewakili strata sosial tertentu; bahasa Malaysia ~; tatabahasa ~.*

nostalgia kerinduan pd sesuatu yg pernah dialami (dinikmati dsb) pd masa lalu, kenang-kenangan disertai keinginan terhadap sesuatu yg telah berlalu;

bernostalgia mengenang atau mengingat nostalgia: *zaman utk ~ sepatutnya sudah lama dilepaskan dan harus digantikan dgn tindakan yg lebih praktikal.*

nostalgik menimbulkan nostalgia: *banyak peristiwa yg ~ masih segar dlm ingatanku.*

not I 1. bunyi muzik yg mempunyai nada dan panjang masa tertentu; 2. lambang bertulis dlm muzik yg merupakan bunyi nada dan panjang masa tertentu: *segala macam bunyi alat muzik digambarkan dgn ~ atau angka.*

not II wang kertas: *dikeluarkannya sekeping ~ merah yg masih baharu.*

not III → **knot.**

nota 1. surat rasmi (antara dua negara dll), surat keterangan yg rasmi: *kenyataan ini dibuat setelah diadakan pertukaran ~ antara Paris dan Moscow;* 2. surat peringatan (amaran, pemberitahuan, dll): *setiausaha gabenor mengirim ~ keras;* 3. bahan berupa catatan-catatan bertulis (tentang sesuatu tajuk, perkara yg dipelajari, dll) utk rujukan pd masa hadapan: *~ kuliah;* 4. catatan atau keterangan ringkas untuk menjelaskan atau menghuraikan sesuatu;

~ bab nota (catatan) yg dirakamkan pd akhir bab; ~ hujungan nota (catatan) yg dirakamkan selepas lampiran atau bahagian teks; ~ kaki catatan (keterangan) ringkas yg ditulis atau terdapat pd kaki atau bahagian bawah sesuatu halaman buku dll (pd ruang antara teks dan jidar kaki); ~ kontrak dokumen yg mengesahkan urusan niaga telah dijalankan, yg mengandungi maklumat spt syarat penjualan dan pembelian saham dan caj-caj lain; ~ tepi nota (catatan) yg dirakamkan pd jidar luar dan jidar dalam.

nota bene (nota b  n  ) (Latin) ambil perhatian.

notak Kl menggelupas kulit (di kepala).

notari; ~ *awam* (Udg) pegawai, terutamanya peguam, yg diberi kuasa utk menyaksikan penandatanganan dokumen undang-undang, membuat perjanjian kontrak dan mengesahkannya dsb.

notaris IB orang yg diberi kuasa oleh Kementerian Kehakiman utk mengesahkan atau menyaksikan sesuatu perjanjian dll.

notasi satu set sistem lambang bertulis utk mewakili satu sistem pemikiran spt muzik, matematik: *dlm fonologi, /p/ ialah ~ yg digunakan utk melambangkan konsonan yg bercirikan hambat, tidak bersuara, bilabial.*

notelun IB laporan yg pendek (drpd sesuatu perbicaraan, mesyuarat, dll).

notes (notés) Id; *buku* ~ buku peringatan (catatan).

notis 1. pengumuman tentang sesuatu yg akan berlaku, pemberitahuan, kenyataan; ~ *pilihan raya* (Udg) notis utk mengadakan pilihan raya selepas writ pilihan raya dikeluarkan; *papan* ~ papan kenyataan; 2. pemberitahuan awal tentang niat utk menamatkan sesuatu urusan, kontrak, kerja, dsb; *dia kena* ~ dia dibuang kerja.

nova (Ast) bintang yg secara tiba-tiba saja bersinar terang tetapi kemudiannya beransur-ansur pudar semula.

novasekit (novasékit) (Kim) mineral sekunder nadir yg mengandungi lebih kurang 52% uranium.

novel cerita dlm bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yg berkaitan dgn pengalaman manusia dan kelakuan sosial; ~ *murahan* novel yg rendah nilai kandungannya atau mutu fizikalnya;

bernovel bergiat dlm penulisan novel;

pernovelan perihal menulis novel.

novela (novéla) sj novel pendek.

novelet novel pendek.

novelis penulis (pengarang) novel.

November (novémber) bulan ke-11 dlm tahun Masihi yg mengandung 30 hari.

novis orang yg baru dan tidak berpengalaman dlm sesuatu bidang, pekerjaan, situasi dsb: *dia menjuarai kategori ~ dgn memperoleh 70 mata.*

Np simbol kimia bagi neptunium.

nr kep nombor.

NRI kep Negara Republik Indonesia.

nu huruf ke-13 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol N,v.

NU Id kep Nahdatul Ulama (parti politik di Indonesia).

nuang Sr laluan binatang di dlm hutan: *~ binatang itu mudah dikesan kerana keadaan tanah di kawasan itu lembut.*

nuansa perbezaan atau kelainan yg halus dan sangat sedikit pd bunyi, makna, perasaan, warna, rupa, dsb: *penterjemah yg menguasai dua bahasa atau lebih yg tahu akan peranannya dan tahu akan ~ segala makna dlm karya yg diterjemahkan.*

nubari ark sanubari.

nubuat Ar nubuwah.

nubuwah Ar sifat (hal) yg berhubungan dgn nabi, kenabian.

nugat sj gula-gula keras dan liat yg diperbuat drpd gula atau madu, kacang dan putih telur.

nuget sj makanan drpd daging ayam dsb berempah dan berbentuk ketulan leper yg digoreng sebelum dimakan.

nujum **1.** bintang, bintang-bintang; **2.** ilmu bintang utk mengetahui nasib orang, perbintangan; **3.** = *kitab* ~ kitab utk membuat ramalan, kitab

perbintangan; *melihat* ~ membuat ramalan dgn melihat kitab nujum;
4. = *ahli* ~ = *ahlulnujum* orang yg ahli dlm membuat ramalan dgn melihat bintang, tukang tilik, penilik; ~ *Pak Belalang* ki tukang tilik yg palsu (pura-pura);

bernujum berjumpa nujum utk meramalkan sesuatu;

menujumkan membuat ramalan (dgn melihat kitab nujum), meramalkan, menenung;

mempernujumkan melihat nujum utk, meramalkan utk;

nujuman ramalan;

pernujuman perbuatan atau hal bernujum;

penujuman perihal menujumkan.

nukil nukilan;

menukilkan memetik (cerita, karangan, dll), mengutip;

nukilan sesuatu yg dipetik (dipungut dll), kutipan, petikan, pungutan:
penelitian saya terhadap berbagai-bagai sumber spt ~ sejarah terbitan-terbitan yg berkaitan;

penukilan perihal (perbuatan, usaha dsb) menukilkan: ~ *hal ehwal budaya masyarakat utk dijadikan sbg sumber penyelidikan dan rujukan;*

penukil orang yg memetik (cerita, karangan, dll).

nuklear (nukléar) berkaitan dgn nukleus atom; *peperangan* ~ peperangan yg memakai senjata dgn tenaga atom; *senjata* ~ senjata yg menggunakan tenaga atom.

nukleogenesis (nukléogénésis) (Fiz) proses pembentukan nukleus dlm alam tabii secara hipotesis.

nukleolus (nukléolus) (Bio) jasad kecil yg berbentuk sfera dan mengandung protein dan RNA yg terdapat di dlm nukleus.

nukleon (nukléon) (Fiz) proton atau neutron.

nukleonik (nukléonik) cabang ilmu sains yg berkaitan dgn penggunaan sains nuklear secara praktik.

nukleoplasma (nukléoplasma) (Bio) protoplasma yg terdapat di dlm nukleus dan mengandung nukleoprotein.

nukleoprotein (nukléoprotin) (Bio) sebatian di dlm nukleus sel yg terdiri drpd asid nukleik dan protein.

nukleus (nukléus) **1.** struktur berbentuk bujur atau sfera yg terdapat pd kebanyakan sel haiwan dan tumbuhan; **2.** bahagian tengah atom yg terdiri drpd proton dan neutron; **3.** ki inti (sesuatu perkara), pokok, sari; ~ *atom* (Kim) pusat atom yg bercas positif dan terdiri drpd proton dan neutron (kecuali hidrogen yg hanya mempunyai satu proton).

nuklid (Fiz) nukleus sesuatu atom yg dicirikan oleh nombor atom, nombor jisim, dan keadaan tenaganya.

numerologi kajian tentang nombor-nombor yg dipercayai mempunyai pengaruh atau erti tertentu dlm kehidupan seseorang individu dsb.

numismatik kajian atau koleksi tentang duit syiling, pingat dsb.

nun I; *ikan* ~ sj ikan yg besar (dlm cerita-cerita sahaja).

nun II sana, di sana: ~ *di sana itu kilang getah*.

nun III **1.** huruf ke-25 abjad Arab (mempunyai nilai 50); **2.** huruf ke-29 abjad Jawi.

nung I (Riau) gelaran utk orang berdarah raja dr sebelah ibu, megat.

nung II bunyi spt bunyi canang dipukul.

nunggal Kl jualan satu dgn satu (satu sen satu, seringgit satu, dll).

nuntius IB duta besar Paus.

nur Ar cahaya, terang;

~ *al-ain* cahaya mata (kekasih); ~ *Muhammad* cahaya yg diberikan kpd Muhammad SAW (dlm wahyu).

nuraga ark timbang rasa (belas kasihan dll), simpati.

nurani Ar bercahaya, terang: *hati* ~ a) hati yg telah mendapat cahaya drpd Tuhan; b) perasaan hati murni yg sedalam-dalamnya.

nurbisa Id penawar bisa.

nuri I = *burung* ~ sj burung, perling, pialin, puling, serindit gajah, tanau; ~ *kelabu*, *Psittacus erithacus*; ~ *kepala kelabu*, *Psittacula finschii*; ~ *merah*, *Domicella garulla*.

nuri II sj ikan laut, *Callyodon spp.*

nuriah ark cahaya, terang.

nurseri 1. tempat anak-anak pokok disemai atau ditanam utk dijual dsb; **2.** bp taska.

nus; *ikan* ~ sj ikan sotong.

nusa 1. pulau: ~ *Tenggara*; **2.** tanah air, tanah tumpah darah: *mempertahankan ~ dan bangsa*.

Nusantara kepulauan Melayu;

kenusantaraaan hal yg berkaitan dgn Nusantara: *berpegang teguh pd asas kebersamaan utk mempertahankan sifat ~ yg asasi*.

nusuk Ar kerja yg dilakukan kerana Allah, ibadah: *sembahyang dan ~nya, nyawa dan hartanya adalah hak Allah*.

nusus → **nusyuz**.

nusyuz Ar keingkaran isteri mentaati perintah (yg diharuskan Allah) suami.

nutfah Ar peringkat pertama kejadian manusia selepas persenyawaan antara ovum dgn sperma.

nutrien (Bio) bahan makanan berkhasiat, zat makanan.

nutup Kl membubuh lilin di atas bunga kain batik.

nuwa Kl sj kereta tidak beroda yg ditarik oleh kerbau atau lembu, bentang.

nuzul Ar turun; (*Hari*) N~ *Quran* hari peringatan turunnya Quran (pd 17 Ramadan).

nya I huruf ke-36 (terakhir) abjad Jawi (mempunyai nilai 7000).

nya II 1. kata ganti nama diri orang ketiga spt, beliau, dia: *pada~; jiwa~; 2.* oleh (yg tersebut terlebih dahulu), oleh beliau, oleh dia: *dipilih~ buku; 3.* kata utk menegaskan atau menguatkan sesuatu maksud: *setelah esok hari~, maka ...; dgn hormat~ dijemput encik hadir.*

nyadik Jk menjadi gemar benar.

nyah bk pergi, berhambus, lari: *sudahlah, ~lah kau semua balik;*

mengenyahkan 1. menghalau supaya pergi, menyuruh pergi (lari): *penjarah ditembak, dinyahkan, diikat di ekor kuda dan seterusnya; syaitan di dunia ini dapat dinyahkan dr kampung kita; 2.* menghilangkan, menghapuskan, melenyapkan: *bahan peluntur itu ada kuasa ~ bau;*

ternyah telah disingkirkan (diketepikan, dihapuskan dsb), terhapus: *kanak-kanak didedahkan kpd watak-watak "hebat" yg ~ drpd kualiti yg hendak dihasilkan oleh proses pendidikan;*

pengenyahan perihal (proses, perbuatan) mengenyahkan, perihal menghilangkan (melenyapkan), penghapusan: *proses ~ asid bertujuan membersihkan fiber kertas drpd unsur-unsur asid.*

nyah- *awalan asing* buang atau hapus, mis *nyahcas* dan *nyahwarna*.

nyahasli; penyahaslian (Bio) perubahan rupa bentuk protein atau asid nukleik dgn memanaskan atau menindakkannya dgn asid, alkali, atau agen lain.

nyahcas; ~ *elektrik* (Fiz) pengaliran cas elektrik melalui gas atau udara.

nyahhutan; penyahhutan (Hut) pemusnahan hutan secara kekal, mis utk membuat jalan raya dan bangunan.

nyahkafeina (nyahkaféina) telah dikeluarkan atau dihapuskan seluruh atau sebahagian kandungan kafeinanya drpd kopi, teh dsb: *kopi ~;*

menyahkafeinkan menghilangkan atau menyingkirkan sebahagian atau kesemua kandungan kafeina drpd kopi, teh dsb: *pengambilan teh atau kopi yg telah dinyahkafeinkan juga tidak digalakkan.*

nyahkod (Komp) **1.** tindakan menukarkan data yg terkod kpd bentuk asalnya; **2.** tindakan menentukan makna yg terkandung dlm sesuatu mesej yg terkod.

nyah-nyah Kl berjalan cepat-cepat dgn tidak memandang kiri kanan.

nyahpepijat (Komp) tindakan mencari dan membasmi kesilapan yg terdapat dlm perisian atau perkakasan komputer.

nyahtentera; menyahtenterakan menyingkirkan (mencegah) fungsi ketenteraan di sesuatu kawasan, mendemiliterisasikan: *perjanjian utk ~ kawasan Antartik pd tahun 1951.*

nyahtoksik; menyahtoksikkan menghapuskan atau mengeluarkan racun drpd sesuatu (badan dsb): *ada banyak cara yg boleh digunakan utk ~ tubuh anda;*

penyahtoksikan perihal (proses, tindakan dsb) menyahtoksikkan: *kesemua program ~ melibatkan pembebasan bahan toksik drpd organ-organ dan sel.*

nyahwarna; menyahwarnakan menghilangkan warna drpd sesuatu.

nyai **1.** perempuan simpanan (terutama oleh orang Eropah), gundik, kendak; **2.** panggilan kpd perempuan tua, mak cik; **3.** sl adinda.

nyak Jk emak.

nyak-nyak Kl bergerak berulang-ulang, mengembut-embut.

nyala; ~ *api* lidah api: *fosforus terbakar dlm oksigen dgn mengeluarkan ~ kuning; padam ~ tarik puntung* prb di mana mati di situlah ditanam;

bernyala, menyala 1. ada nyalanya, hidup (api): *jikalau tiada kayu di manakan api itu ~?; lampu menyala dgn terang-benderang; merah ~ = merah menyala* merah spt api; **2.** ki bertambah hebat, makin menjadi, berkobar-kobar: *kemarahnya makin menyala;*

menyalai memasang supaya menyala;

menyalakan 1. menjadikan bernyala, menghidupkan api, membiarkan menyala: *dgn perlahan-lahan dia ~ api;* **2.** ki mengorbankan, menimbulkan: *~ peperangan;*

penyalaan perbuatan atau hal menyala(kan);

penyala alat utk menyalakan sesuatu.

nyalang 1. terbuka (mata), celik; **2.** dapat melihat, tidak buta;

menyalangkan membukakan (mencelikkan) mata, membelalakkan.

nyalar ark selalu, sering.

nyali Jk hempedu; ~ *besar* berani; ~ *kecil* penakut, pengecut; *pecah ~nya* hilang keberaniannya.

nyalin sj tumbuhan (pokok) dlm famili Polygalaceae, minyak beruk, mengkapas, *Xanthophyllum spp.*

nyam bp makan (kanak-kanak).

nyaman I 1. cergas, segar, sihat: *badannya ~;* **2.** enak rasanya, sedap: *air limau ~ rasanya; lagu yg ~ didengar; udara yg ~;*

menyamankan menjadikan nyaman (enak, segar), mengenakan, menyegarkan: *udara di sini ~ badan;*

kenyamanan perihal (keadaan dsb) nyaman, kesegaran, kesedapan: *kesejukan pagi bertukar terik, ~ senja diganti seram; udara senja di*

*Pekan Tualang memberikan ~ dan kedamaian spt udara menjelang
subuh di KL;*

penyaman sesuatu yg menyamankan (menyegarkan); ~ udara alat yg mengawal kelembapan dan suhu di dlm sesebuah bilik, bangunan, kenderaan dsb utk menghasilkan udara yg kering, sejuk dan nyaman.

nyaman II Br; *minyak* ~ sj minyak wangi (diperbuat drpd beberapa jenis bunga).

nyambing sj tumbuhan (herba), *Lasia spinosa*.

nyampang = **senyampang**, **nyampang-nyampang**, **menyampang** 1. barangkali, jangan-jangan, kalau-kalau: *jangan bercakap kuat, senyampang ada orang mendengar*; 2. jika, kalau, sekiranya: *~~~ lalu, singgah di rumah aku*; 3. sementara, kebetulan, selagi: *mari kita pergi senyampang ada orang di jalan*; 4. mujur, untunglah: *ia hampir mati lemas, ~ ada orang menolongnya*; 5. hanya kerana, mentang-mentang: *~ kaya hendak kahwin lagi*; **senyampang**.

nyampelung sj tumbuhan (pokok), *Calophyllum inophyllum*.

nyamuk sj serangga kecil bersayap dua dan menghisap darah; ~ *aedes* (*rimau*) sj nyamuk, *Aedes aegypti*; ~ *biasa* sj nyamuk, *Culex fatigans*; ~ *tiruk* (jenis nyamuk yg membawa penyakit malaria) a) *Anopheles maculatus*; b) *Anopheles sunaicus*; c) *Anopheles umbrosus*; ~ *pers* Id bp pemberita surat khabar, wartawan; *tamparan* ~ bahagian badan antara tulang belikat dgn tulang leher; ~ *mati gatal tak lepas* prb menaruh dendam terhadap orang yg berbuat jahat kpd kita walaupun ia sudah dihukum.

nyamur Mn embun.

nyana agak, duga, kira, sangka; *tidak* ~ tidak tersangka (terduga);

menyana menduga, mengagak, mengira.

nyanat Br mengulangi kesalahan yg telah lalu (dgn sengaja).

nyanya Jk; **menyanya** menggoreng tanpa minyak, merendang.

nyanyah; menyanyah bercakap yg bukan-bukan, meracau, merepek.

nyanyang Mn tidak tenang hati, gelisah.

nyanyar **1.** lunak pd sebelah luar (kulit), bonyor; **2.** gambut, gembur (tanah dll).

nyanyi gubahan muzik yg dilagukan dgn suara: *dr jauh terdengar ~ seorang gadis; peti ~ alat utk memainkan piring hitam;*

bernyanyi, menyanyi melagukan nyanyi, berlagu: *maka biduanda yg baik suara pun ~lah; budak itu berlari-lari ke sekolah sambil menyanyi;*

menyanyikan melagukan (dgn nyanyi): *Salmah ~ lagu itu;*

nyanyian nyanyi;

penyanyi orang yg menyanyi, tukang nyanyi, biduan.

nyanyu ark; **menyanyu** bercakap yg bukan-bukan, meraban, merepek.

nyanyuk berkelakuan spt kanak-kanak (bkn orang yg sudah terlalu tua), tidak berapa betul lagi (bkn fikiran orang yg sangat tua), raban: *entahlah, orang tua itu sudah ~ betul;*

menyanyukkan menyebabkan nyanyuk;

kenyanyukan perihal (keadaan atau sifat) nyanyuk: *mereka menyaksikan ~ orang tua itu dgn rasa insaf.*

nyapang ark kawan, sahabat, teman.

nyapnyap Jk bercakap mengikut suka hati sahaja, merepek.

nyapung Kl mencarut.

nyarang **1.** sj tumbuhan (rumpai), *Cythula prostrata*; **2.** = ~ *songsang* sj tumbuhan (rumpai yg dibuat ubat), *Achyranthes aspera*.

nyarik ark keras suara; → **nyaring**.

nyaring 1. keras dan terang (bunyi, suara), lantang: *telah genap tujuh kali dinobat itu, maka bentara pun berseru dgn ~ suaranya;* **2.** elok (tajam) pendengaran: *telinga kanak-kanak ~ ;*

menyaringkan menguatkan (suara, bunyi); *~ telinga mendengar baik-baik;*

kenyaringan keadaan atau hal nyaring.

nyaris, nyaris-nyaris hampir (berlakunya sesuatu), cemas-cemas: *barisan pertahanan mereka menjadi huru-hara sehingga ~ keselamatan panglima mereka terancam.*

nyaru Jk menyamar sbg; → **saru I.**

nyarum sj tumbuhan (pokok renek), *Psychotria rostrata.*

nyarum-nyarum sj tumbuhan (pokok renek), pecah periuk jantan, *Ixora pendula.*

nyata 1. jelas dan terang (pd pendengaran, pelihatan): *dr jauh tampak ~ lembaga itu;* **2.** nampak dgn terang, ketara: *makin aku perhatikan orang itu, makin ~ tujuannya;* **3.** benar-benar ada, maujud, wujud: *alam yg ~ ;*

menyatakan 1. menjadikan nyata, menerangkan, menjelaskan: *di dlm buku ini ada dinyatakan dgn ringkas perihal mengubat penyakit yg biasa terjadi;* **2.** menampakkan, menunjukkan: *Ya Tuhanku, hendaklah engkau ~ kebesaran-Mu akan hamba-Mu;* **3.** memberitahu, melaporkan, memaklumkan: *Ismail berjumpa dgn pegawai tingginya utk ~ ketibaannya; berkali-kali ia ~ keinginannya hendak bertukar kerja;*

ternyata 1. sudah nyata (nampak dgn terang), terbukti, ketahuan, ketara: *bakal jodoh yg dipilihnya ~ sudah ada yg punya;*

kesalahannya sudah ~ ; 2. sudah tersebut (tertulis, tercatat, dll), tersiar;

kenyataan 1. perihal nyata, kejelasan, keterangan: *segala ~ telah menghilangkan segala sangkaan; 2.* keadaan atau hal yg nyata, hakikat, kebenaran: *akhirnya aku terpaksa menerima ~ itu juga; 3.* sesuatu yg dinyatakan (diberitahukan, diumumkan, dll), penjelasan, pengumuman: *Perdana Menteri membuat satu ~ penting melalui radio malam ini; papan ~; 4.* sudah nyata, terbukti, ternyata;

pernyataan 1. kata-kata dsb yg menyatakan (mengumumkan) sesuatu, pemberitahuan, pemakluman: *satu kajian tentang bahan-bahan galian arkeologi dan juga ~ kepercayaan dan pengetahuan tentang bercucuk tanam; 2.* kenyataan rasmi yg di dalamnya terkandung gagasan, hasrat, isu dsb tentang sesuatu perkara, biasanya disiarkan melalui media: *~ bersama;*

penyataan perbuatan menyatakan (melahirkan dll): *kesusasteraan bukanlah lahir drpd kekosongan, tetapi adalah ~ drpd pergolakan dan perkembangan masyarakat;*

penyata sesuatu yg dinyatakan secara rasmi, permakluman rasmi, keterangan bertulis tentang sesuatu: *setelah mengetahui untung rugi perniagaan dlm sesuatu masa itu, maka perlulah disiapkan pula satu ~ ; ~ kira-kira penyata (keterangan) yg menjelaskan kedudukan kira-kira; ~ tahunan laporan tahunan.*

nyatuh 1. sj tumbuhan (pokok yg kayunya elok utk bahan rumah), tabah putih, *Palaquium obovatum; 2.* = ~ beringin = ~ sondai sj tumbuhan (pokok yg kayunya elok utk bahan rumah), *Payena Lavilandii.*

nyawa 1. roh yg menghidupkan manusia (haiwan dll), jiwa, semangat: *janganlah berlelah hingga ~ sampai ke halkum; undang-undang itu*

ialah ~ dan semangat manusia; ~nya sudah melayang ia sudah mati; membuang ~ = menyabung ~ menentang bahaya maut; minta ~ minta dihidupkan; ~~~ ikan hampir-hampir mati; 2. ki yg amat disayangi (dikasihi), buah hati, jantung hati: aduhai adinda, ~ kekanda;

~ bergantung di hujung kuku prb dlm keadaan yg sulit dan berbahaya; satu ~ dua badan prb sehidup semati (bkn dua orang sahabat atau sepasang suami isteri);

senyawa sudah menjadi satu, berpadu benar, bersatu benar, bersebati;

bersenyawa menjadi satu (dgn), bersebati (dgn): *hidrogen dan oksigen kalau dicampurkan ~ menjadi air;*

mensenyawakan menjadikan senyawa;

mempersenyawakan menjadikan bersenyawa, menyebatkan: *kalau unsur-unsur ini dipersenyawakan, terdapatlah benda-benda lain;*

persenyawaan perihal bersenyawa, perpaduan, penyebatan: *percantuman antara sel jantan dgn sel telur ini dinamakan ~ ; ~ sendiri penswasenyawaan; ~ silang persenyawaan antara dua haiwan atau tumbuhan drpd spesies yg sama;*

bernyawa 1. mempunyai nyawa, hidup; 2. ki ada aktiviti yg berlangsung, bergerak dgn pelbagai kegiatan (urus niaga dsb) dijalankan, hidup: *perut Dataran Merdeka kini ~ semula apabila sebuah kompleks beli-belah wujud di situ.*

nyedar nyenyak (tidur), lelap, lena: *orang lain di rumahnya masih lagi terlantar tidur dgn ~.*

nyeding Kl berjalan dgn melentikkan belakang.

nyelap Pr tidak sedarkan diri.

nyelonong Jk datang (masuk, hadir, menyasar, dll) dgn tiba-tiba.

nyendih Kl menyandar (duduk).

nyengat Kl menghendaki sesuatu dgn tiba-tiba (mendadak).

nyenyai tidak kerap (tenunan, anyaman, dll), jarang.

nyenyak tidak sadar apa-apa (ketika tidur), lena, lelap, nyedar: *setelah itu ia pun tidur dgn ~nya;*

menyenyakkan menjadikan (seseorang) nyenyak: *dia tertidur semula dinyenyakkan oleh dendang renyaian gerimis;*

kenyenyakan perihal (sifat atau keadaan) nyenyak, kelenaan: *lampin yg direka dgn sempurna dpt memastikan keselesaan dan ~ tidur seseorang bayi.*

nyenyarum nyarum-nyarum.

nyenyat sunyi sepi.

nyenyeh (nyényéh); **menyenyeh** meminta (menyuruh) berulang-ulang, meracau, merepek, nyinyir: *semalam-malaman apabila suaminya terus muntah dan ~ itu, Kintan menangis sendirian.*

nyenyek (nyényék) Kl lembik (kuih, buah-buahan, dll), lunak.

nyenyen (nyényén); **menyenyen** mengajuk, mengejek.

nyenyulung sj ikan laut, *Hemirhamphus spp.*

nyerama Kd berebut-rebut (utk mencapai sesuatu).

nyeri sakit spt ditusuk-tusuk jarum dsb pd mana-mana bahagian tubuh, terutamanya apabila disentuh, ditekan dsb: *bola mata terasa sakit dan ~ apabila ditekan;*

kenyerian rasa nyeri.

nyik Kl; **menyik** menindih atau menekan.

nyik-nyik lambat-lambat (berjalan).

nyilu ngilu.

nyinyir suka bercakap-cakap, banyak mulut, merepek.

nyirih = ~ *bunga* = ~ *hudang* sj tumbuhan (pokok), *Carapa granatum*; ~ *batu* sj tumbuhan (pokok), *Carapa moluccensis*.

nyiru sj alat (yg dianyam drpd bilah, rotan, dll) utk menampi beras dll; *bak* ~ *bak tampian*, *bak guru bak anak sasian* prb murid-murid umumnya mencontohi kelakuan guru (terutama yg tidak baik).

nyit nyah, pergi, berhambus.

nyieur sj tumbuhan (palma dan buahnya), kelapa, *Cocos nucifera*; ~ *bawang* = ~ *manis* kelapa yg boleh dimakan dgn sabut-sabutnya; ~ *bisu* Kl orang tua yg pendiam tetapi berakal; ~ *cungkulan* = ~ *sungkuran* buah kelapa yg isinya baru hendak keras; ~ *dara* pohon kelapa yg belum berbuah; ~ *gading* a) pohon kelapa yg agak kekuning-kuningan warna pelepah dan buahnya (biasanya ditanam sbg perhiasan), *Cocos plumosa*; b) Kl anak gadis yg comel-comel (kesayangan ibu bapa); ~ *ingusan* buah kelapa yg baru hendak berisi; ~ *kapal* Kl nyieur yg berbatang kecil dan rendah; ~ *koman* Kl, ki orang yg tidak berguna kpd masyarakat; ~ *masam* Kl a) nyieur yg busuk kerana rosak; b) perempuan yg tidak berguna;

apabila patah tumbuh ~ itu, tumbuh ~ juga akan gantinya prb ganti yg hilang itu mestilah yg sama pula; *laksana ~, mumbang dibuat pincuk hendak menghilangkan kelat* prb tidak boleh orang yg bukan bangsawan itu disuruh mengatur kedudukan orang besar-besar dlm sesuatu majlis; *orang yg bertanam pokok ~, terkadang-kadang tiada makan buahnya* prb orang yg menghimpun harta atau berbuat sesuatu itu adakalanya tidak mendapat faedah daripadanya; *umpama memerah ~, santan diambil hampas dibuang* prb mendengar perkataan orang hendaklah dipilih mana-mana yg baik dan benar, dan yg buruk dibuang.

nyieur-nyieur 1. sj ikan laut, *Monodactylus argenteus*; **2.** sj ikan laut, a) *Trachinotus bailloni*; b) *Trachinotus blochii*.

nyokak Kl membongkokkan badan dan menyisihkan tangan (ketika berjalan di hadapan orang).

nyolo sj alat tempat perasapan, pedupaan.

nyolong Jk mencuri;

nyolong-nyolong dgn diam-diam atau sembunyi-sembunyi (melakukan sesuatu dll).

nyonya 1. panggilan kpd perempuan Cina yg sudah bersuami; **2.** perempuan Cina drpd golongan Baba; **3.** Id panggilan kpd perempuan yg sudah bersuami; ~ *rumah* perempuan tuan rumah, perempuan yg empunya (memiliki) rumah.

nyonyeh (nyonyéh) sudah tua dan tidak bergigi.

nyonyong; menyonyong menganjur ke depan (muncung, bibir, dll).

nyoyang sj penyakit yg biasanya menyerang ibu yg baru melahirkan anak.

nyuar sj ikan darat, menyuar, *Luciosoma setigerum*.

nyunyut I; menyunyut menarik panjang-panjang, menjujut, menghela.

nyunyut II; menyunyut mengulum dan menghisap (puting, gula-gula, dll):
anak itu sedang ~ gula-gula.

nyunyut III Kl; **menyunyut** bergerak turun naik, mengembut.

nyut denyut.

o I huruf ke-15 abjad Rumi.

o II 1. sr kata utk menyatakan hairan dll: ~, *begitu rupanya ya!* **2.** sr kata utk memanggil orang: *Tipah*, ~ *Tipah!*; ~ *ya!* sr kata utk menyatakan teringat akan sesuatu.

o III; *kopi (teh)* ~ kopi (teh) yg tidak dibubuh susu; *kopi (teh)* ~ *beng* kopi (teh) yg tidak dibubuh susu tetapi dibubuh ais.

O simbol kimia bagi oksigen.

oak sj pokok yg besar, kayunya yg keras dan kuat biasanya digunakan sbg bahan binaan, perabot dsb.

oase Id oasis.

oasis kawasan yg subur dan mempunyai air di padang pasir, wahah.

oat bijirin drpd sj rumput, *Avena sativa*, yg dijadikan sbg bahan makanan.

obar (Sabah); ~ *suluk* sj tumbuhan, nemesu, *Shorea pauciflora*.

obeng (obéng) Id alat utk memutar skru dsb.

obes (obés) gemuk yg keterlaluan.

obesiti (obésiti) kegemukan yg disebabkan terdapatnya lemak yg berlebihan.

obi (Jepun) sj kain lebar sbg ikat pinggang yg dipakai bersama dgn kimono.

obituari pemberitahuan kematian seseorang yg biasanya disertai maklumat ringkas tentang masa hayat dan pencapaiannya yg disiarkan di dlm akhbar.

objek (objék) **1.** sesuatu yg dapat disentuh atau dilihat, benda, barang; **2.** perkara yg menjadi tajuk atau pokok pembicaraan (tulisan, lukisan, dll): *mengapa hanya rupa wanita menjadi ~ lukisan?* **3.** matlamat, sasaran, tujuan; ~ *pembangunan* sesuatu yg hendak (sedang) dibangunkan; **4.** (Lin) penyambut.

objektif (objéktif) **1.** sesuatu yg khusus yg ingin dicapai, matlamat, tujuan; **2.** berasaskan kenyataan atau fakta sebenar; **3.** tidak dikuasai atau dipengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri; *ujian* ~ ujian (peperiksaan) yg menghendaki jawapan antara beberapa pilihan dan markah yg diberikan tidak bergantung pd penilaian pemeriksa;

berobjektifkan mempunyai sesuatu sbg objektif;

mengobjektifkan menjadikan objektif;

keobjektifan perihal objektif, objektiviti.

objektivisme (objéktivisme) faham atau kecenderungan yg menekankan apa yg objektif.

objektiviti (objéktiviti) perihal atau keadaan objektif, sifat (sikap dsb) tidak dikuasai atau dipengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri: *apakah ini yg dikatakan ~ dlm kritikan dan kajian.*

oblak Jk lebar, luas.

obligasi I surat pinjaman oleh kerajaan dll, bon.

obligasi II sesuatu yg mesti dilaksanakan, kewajiban: *penerbit mempunyai ~ kpd dirinya sendiri dan kemudian kpd pembaca.*

obligato (Muz) bahagian iringan sesuatu karya yg merupakan unsur yg sangat penting dlm gubahan muzik.

obo sj alat muzik yg dibuat drpd kayu dll dan dimainkan dgn cara meniupnya.

obor **1.** jamung, suluh; ~ *Olimpik* obor yg dinyalakan ketika Olimpik diadakan (dan menjadi lambangnya); **2.** ki pemberi, penerangan, penunjuk (jalan): *betapa perlunya Islam dijadikan sbg ~ yg menerangi liku-liku kehidupan;*

mengobor **1.** mengasapi dgn obor; **2.** ki membuat orang berang, membangkitkan kemarahan orang, menghasut;

mengobori menerangi, menyulahi.

obral Id **1.** menjual dgn harga murah (kerana hendak menghabiskan barang-barangnya): *tukang-tukang jual kain ~ sangat lucunya, mulut mereka bersorak-sorak*; **2.** ki membuang (mengeluarkan, memakai, dll) banyak-banyak; ~ *pekerja* membuang pekerja banyak-banyak; ~ *tenaga* menggunakan tenaga banyak-banyak, memboroskan tenaga;

mengobralkan **1.** menjual secara obral; **2.** mengeluarkan (memakai dll) banyak-banyak, membualkan (perkataan dll), memboroskan (barang-barang, tenaga, dll);

obralan barang-barang yg diobralkan;

pengobralan perihal atau perbuatan mengobralkan.

obrol Id; **mengobrol** bercakap-cakap mengenai hal yg tidak berfaedah, berbual (bersembang) kosong, berborak-borak, beromong kosong: *ia ~ menggantang bersama kawannya*;

mengobrolkan menceritakan yg bukan-bukan, membualkan hal yg tidak berfaedah;

obrolan omong kosong, borak, kecek.

obros ark IB leftenan-kolonel.

obsesi (obsési) **1.** sesuatu yg sentiasa mengganggu atau menghantui fikiran seseorang: *segera dapat saya tangkap semacam ~ dlm kepala teman itu*; **2.** keadaan terlalu memikirkan sesuatu.

obsesif (obsésif) sentiasa atau asyik memikirkan, mengenangkan atau dihantui sesuatu (bkn fikiran, perasaan dsb seseorang): *keadaan ini amat ketara di kalangan ibu bapa yg mudah murung atau terlalu ~ terhadap anak-anak mereka*.

obstetrik (obstétrik) cabang ilmu perubatan yg berkaitan dgn pengendalian ibu semasa hamil, sewaktu bersalin dan selepas bersalin.

ocak-ocak Pr sumber (air), mata(air); ~ *air meleleh* mata air.

oceh (océh) Jk; **mengoceh** **1.** berbunyi (burung), berkicau; **2.** bercakap yg tidak keruan (bukan-bukan), berceloteh, mengobrol, merapik, mericau: *ia terkekeh-kekeh lalu berkata tidak keruan dan ~ ke sana-sini;*

mengocehkan mengatakan sesuatu dgn tidak tentu pokok pangkalnya: *Tarman yg tidak berpuas hati terus ~ hal itu lagi;*

ocehan **1.** kicauan: *sukarlah baginya utk memahami ~ burung itu;*
2. kata-kata tidak keruan (bukan-bukan), celoteh, ricauan.

ocok Kd, Pn; **mengocok** menghasut, mengacum.

OCR kep *optical character recognition* (pengecaman aksara optik).

oda (Sas) sajak panjang yg menyanjung atau memuji seseorang atau sesuatu atau utk meraikan sesuatu peristiwa.

odeli orang suruhan di pejabat.

oder bp; **mengoder** memesan (makanan dll sewaktu di kedai makan dll).

odim IB sakit kerana pergumpalan air dlm tisu sel (kerana kurang makan dll).

odol Id tepung dll penggosok gigi, tapal gigi, ubat gigi.

odometer (odométer) (Kej) alat yg merakamkan jarak perjalanan yg telah dilalui oleh sesebuah kenderaan bermotor, spt kereta dan motosikal.

odontalgia (Ubat) sakit gigi.

odontologi kajian saintifik tentang anatomi, perkembangan dan penyakit-penyakit gigi.

ofensif (ofénsif) bp **1.** bersifat, cenderung atau digunakan utk menyerang (bkn senjata, tindakan dsb): *para penunjuk perasaan juga dikatakan ada membawa senjata-senjata ~;* **2.** menyakitkan atau memanaskan hati (bkn kata-kata, kenyataan dsb), menyelar, menghina: *jangan mengeluarkan kata-kata yg ~.*

ofiologi cabang zoologi yg berkaitan dgn kajian tentang ular.

ofis bp pejabat.

ofsaïd (Suk) berada di luar kawasan yg dibenarkan bermain sehingga menjadi suatu kesalahan (bkn pemain bola sepak, hoki dsb).

ofset (ofsét) jarak terdekat dr suatu titik ke garis tertentu (dr garis lurus yg menghubungkan dua hujung sesuatu sempadan yg tidak lurus dgn suatu titik di sempadan tersebut).

oftalmia (Ubat) radang pd mata.

oftalmologi kajian tentang mata dan penyakitnya.

oftalmoplegia (oftalmoplégia) (Ubat) kelumpuhan otot mata.

oftalmoskop (Ubat) alat utk memeriksa bahagian di dalam mata, spt retina dsb.

oftalmoskopi (Ubat) pemeriksaan bahagian di dalam mata dgn menggunakan oftalmoskop.

ogah I sj paip tembakau.

ogah II; mengogah menggoyang-goyangkan (gigi, pancang, pokok, dll) supaya mudah tercabut, mengoyak-ngoyak (menggoncang-goncang).

ogah III Jk tidak suka berbuat sesuatu, enggan, segan: ~ *membaca buku sekolah*;

ogah-ogahan berasa tidak suka (segan, enggan, dll).

ogak-ogak; pengogak-ogak sl tukang lawak (jenaka), alan-alan, badut;

berogak-ogak berjenaka, berkelakar, melawak.

ogoh; mengogoh menggoyang-goyangkan (dahan dll), mengogah.

ogok I Mn; **mengogok-ogok** berjalan lambat, berjalan bertatih (oleh sebab baru sembuh drpd sakit dll).

ogok II Mn; **mengogokkan** menunjukkan sesuatu (barang dll) dgn tujuan menawarkan (utk dijual).

Ogos bulan kelapan dlm tahun Masihi.

oh sr kata utk menyatakan terkejut (hairan, kecewa, menjadi yakin, dll):
 ~ ! *baru ini kau tahu*; ~ ! *kata Ros terkejut*; **o II**.

ohm unit ukuran rintangan elektrik.

oi sr kata utk memanggil dll: ~, *tak makan dulu!*

OIC kep *Organization of Islamic Conference* (Pertubuhan Persidangan Islam).

oja; **mengoja** **1.** memberangsangkan (ayam dll) supaya menyerang lawannya: *baginda lalu mengoja-oja ayamnya*; **2.** ki memberanikan, menghasut.

ojah ark oja.

ojok Mn; **mengojok** berjalan perlahan-lahan dan membongkok-bongkok.

ok I Kl **1.** sabar: ~ *dulu, nanti saya panggilkan doktor*; **2.** nanti, tunggu (dahulu): ~ *sebentar, saya nak mandi dulu*.

ok II buluh.

O.K. bp ya, baiklah, akur, bersetuju: ~, *kita pergi sekarang*; ~*lah* yalah.

okarina (Muz) sj alat tiup yg bentuknya bujur telur, mempunyai lapan lubang nada dan dua lubang ibu jari.

okb Id kep orang kaya baru (sbg ejekan).

oker IB sj cat yg dibuat drpd campuran sj tanah liat dgn tahi besi (warnanya kuning).

okey (okéy) baiklah, yalah, O.K.: ~, ~, *Zul. Kau yg lebih faham*.

oknum Id orang seorang, peribadi, perseorangan: *baik berupa kumpulan mahupun berupa ~, yg salah harus dihukum*;
keoknuman keperibadian.

okok ark bakhil, kedekut, kikir, lokek.

oksiasetilena (oksiasétiléna) (Kim) campuran oksigen dan asetilena yg membakar dgn nyalaan terang yg sangat panas dan digunakan utk memotong dan mengimpal logam.

oksida (Kim) sebatian oksigen dgn satu unsur kimia lain;

~ *berasid* sebatian oksigen dgn unsur bukan logam, yg menghasilkan larutan berasid apabila bercampur dgn air; ~ *berbes* sebatian oksigen dgn unsur logam, yg menghasilkan larutan berbes apabila bercampur dgn air;

mengoksidakan menyebatkan dgn oksigen;

pengoksidaan perbuatan mengoksidakan.

oksigen (Kim) gas yg tidak berwarna dan tidak berbau yg merupakan kira-kira 21% drpd atmosfera yg membantu pembakaran dan diperlukan bagi pernafasan sebahagian besar benda hidup;

beroksigen mengandungi oksigen;

mengoksigenkan memberi oksigen;

pengoksigenan perihal mengoksigenkan.

oksigenator (oksigenator) (Ubat) alat utk membekalkan oksigen kpd darah, terutamanya semasa pesakit sedang menjalani pembedahan.

oksihemoglobin (oksihemoglobin) (Ubat) bahan merah cerah yg terbentuk hasil drpd tindakan oksigen dr paru-paru ke atas hemoglobin dlm darah.

oksihidrogen (Kim) campuran hidrogen dan oksigen yg digunakan utk menghasilkan nyalaan yg sangat panas bagi kerja kimpalan.

oksitosia (Ubat) kelahiran bayi yg terlalu cepat.

oksitosik (Ubat) agen yg mempercepat kelahiran bayi dgn merangsang pengecutan otot rahim.

oktaf (Muz) bunyi yg dikeluarkan oleh dua kali atau setengah kadar getaran drpd satu bunyi (not), kumpulan 8 bunyi (not) berturut-turut.

oktagon (Mat) poligon yg mempunyai lapan sisi.

oktahedron (oktahedron) (Mat) bongkah yg mempunyai lapan permukaan.

oktana (Kim) hidrokarbon alkana cecair yg terdapat dlm petroleum.

oktavo (Cetak) saiz buku atau halaman yg terhasil drpd lipatan sehelai kertas bersaiz standard sebanyak tiga kali utk menghasilkan lapan helai kertas.

oktet (oktét) (Muz) **1.** gubahan muzik utk sekumpulan lapan orang penyanyi atau pemuzik; **2.** kumpulan yg terdiri drpd lapan orang penyanyi atau pemuzik.

Oktober bulan kesepuluh dlm tahun Masihi.

okulus (Bio) bkn mata.

okupasi IB penggunaan tanah secara haram (tanpa kebenaran dll).

olah I 1. cara (berbuat sesuatu), akal (daya upaya, tipu daya), laku, tingkah: *bagaimana ~nya hendak menjadi kaya cepat?* **2.** perbuatan, buatan, kerja: *ini sudah tentu ~ anak saya; bukan ~ bukan buatan, bukan main;* **3.** perbuatan yg aneh-aneh, canda, tingkah: *orang tua yg banyak ~nya;*

olah-olah; *bukan ~ bukan buatan, bukan mainan;*

seolah-olah seakan-akan, selaku, seperti: *melangkah indah, ringan, cepat ~ tak berpijak di lantai;*

berolah 1. berbuat (berperangai) yg aneh-aneh, bercanda, bertingkah: *isterinya ~ pula, apa lagi mertuanya;* **2.** berbuat sesuatu utk mengabui mata, mengenakan tipu muslihat, dll;

memperolahkan 1. mempermainkan, memperolok-olokkan, mempersendakan; **2.** memperdayakan, menipu;

olahan suka berperangai, suka bertingkah: *seorang laki-laki yg keterlaluan ~nya.*

olah II; mengolah mengerjakan sehingga menjadi sesuatu yg lain (yg dapat digunakan, lebih sempurna, dll): *getah dan bijih yg dikeluarkan di negeri ini dihantar keluar utk diolah; cerpen yg diolah drpd perbendaharaan lama;*

~ *bahan mentah* mengerjakan bahan-bahan mentah supaya menjadi barang yg boleh digunakan dll; ~ *tanah* mengerjakan tanah utk ditanami;

olahan cara mengolah atau diolah: *dgn itu susunan dan ~nya amat penting, agar dapat bahasa itu menjalankan tugas-tugasnya;*

pengolahan perihal (usaha, perbuatan, dsb) mengolah: *Belanda memasuki perkebunan itu dan menjalankan tugas ~ kelapa sawit; kejayaan cerita ini ialah kerana keberanian pengarangnya dan ~nya yg segar;*

pengolah orang yg mengolah, alat utk mengolah.

olahraga latihan atau sukan yg memerlukan kekuatan fizikal, ketangkasan atau stamina (mis berlari, melompat, dll);

gedung ~ Id bangunan tempat diadakan olahraga; *lapangan* ~ medan tempat olahraga diadakan;

berolahraga bergiat (mengambil bahagian) dlm olahraga: ~ *menyihatkan badan;*

keolahragaan perihal olahraga;

pengolahraga orang yg suka berolahraga.

olahragam ark berbagai-bagai olah.

olahragawan orang lelaki yg terlatih, mahir atau mengambil bahagian dlm olahraga; ~ *Tahun 1988* olahragawan yg terpilih sbg olahragawan yg terbaik bagi tahun 1988.

olahragawati orang perempuan yg terlatih, mahir atau mengambil bahagian dlm olahraga; ~ *Tahun 1987* olahragawati yg terpilih sbg olahragawati yg terbaik bagi tahun 1987.

olak I 1. = **olakan** gerakan berpusing (berkisar, berputar), kisanan, pusaran, putaran; ~ *air* pusaran air; ~ *angin* pusaran angin; *arus* ~ arus yg berpusing; **2.** ombak kecil: ~~~ *itu berkejar-kejaran menumpu permatang;*

berolak 1. berkisar, berpusing, berputar; **2.** berombak kecil;
perolakan perihal berolak: *lakukan penyemburan dan pendebuan pd waktu pagi utk menghindari ~ angin menegak;*
pengolak; ~ *haba* alat dll yg memutarakan haba.

olak II sj gelendong kayu yg berputar (pd alat tenun).

olak III Mn 1. hilir; *sebelah* ~ sebelah hilir (bawah); *ke* ~ ke hilir; **2.** kembali, ulang; *membayar* ~ membayar kembali;
berolak tidak kuat lagi, sudah agak lemah (badan dll), tidak mujarab lagi (ubat dll);
mengolak 1. terpelanting kembali (kerana tidak lut dll); **2.** enggan atau tidak hendak lagi (makan sesuatu).

olak-alik berulang-ulang, bolak-balik, tidak tetap, (berubah-ubah pendirian, pegangan, percakapan, dll);
mengolak-alikkan 1. membolak-balikkan, memutar-balikkan; **2.** mempermain-mainkan, mempersenda-sendakan.

olak-olak sj burung, itik laut, dendang laut (air), *Sula leucogaster plotus*.

Olanda ark Belanda.

olang; ~-*aling* berolang-aling;

berolang-aling (bergoyang) ke kiri ke kanan (perahu dll), oleng: *sampannya* ~ *berkecipak-cipak*;

terolang-aling terayun-ayun atau tergoyang-goyang;

olang-alingan perihal olang-aling.

oleander (oléander) sj tumbuhan (pokok berbunga), *Nerium oleander*.

oleh (olé) **1.** (kata sendi nama) utk menunjukkan pembuat dlm ayat-ayat pasif: *daerah yg ditawan ~ musuh; ditimbus ~ tanah longsor;*
2. sebab, akibat, kerana: ~ *tiada jalan lain hendak menyelamatkan dirinya, ia mencuba hendak terjun ke dlm air; mati ~ kerisnya sendiri;* **3.** pada, bagi, untuk: *tampak ~nya seorang tua berjalan di tengah-tengah sawahnya;* **4.** (ke) pada (yg menyatakan hubungan

keluarga): *ia pun sepupu juga ~ tuan; ia anak yg satu-satunya ~ pak cik saya*; **5.** dengan: *pokok-pokok yg lebat ~ buah; dewan yg penuh sesak ~ orang ramai; ~ itu = ~ sebab itu = ~ yg demikian lantaran itu*;

beroleh 1. mendapat, menerima: *~ anak lelaki; ~ kebajikan; ~ kesenangan*; **2.** sl boleh, dapat: *~ selamat sempurna lah anakanda drpd sekalian bencana*;

memperoleh mendapat, menerima (mencapai, menemui, dsb) dgn ikhtiar atau usaha: *sagu diperoleh drpd pokok rumbia; kanak-kanak ~ kemahiran sedikit demi sedikit; keuntungan yg diperolehnya berlipat ganda*;

pemerolehan perbuatan (usaha, kegiatan, dsb) memperoleh;

pemeroleh pihak (orang, firma dsb) yg memperoleh sesuatu: *pindaan itu membolehkan pihak yg berkenaan memindahkan hak milik tanah kpd mana-mana ~ menerusi perakuan pemberian hak*;

perolehan sesuatu (barang, hasil, dll) yg diperoleh: *~ padi tahun ini lebih baik drpd tahun lalu*.

oleh-oleh (oléh-oléh) pembawaan drpd berpergian, buah tangan.

olek (olék) **I**; **mengolek** mengulit, membobok, mendodoi: *entah mengantuk, entah diolek oleh nyanyian*;

mengolekkan mengulitkan, membobokkan, mendodoikan; → **ulit**

I.

olek (olék) **II** Kl; **mengolek** mengececek (bola).

oleng (oléng) **I** berayun-ayun atau bergoyang-goyang ke kiri kanan (perahu dll): *ia terumbang-ambing dlm perahu yg makin lama makin ~; kepalanya ~ ke kiri dan ke kanan*;

beroleng-oleng berayun-ayun atau bergoyang-goyang (perahu yg dipukul ombak dll): *bebola itu berputar dan ~*;

mengoleng mengayunkan (menggoyang, menggoncang), menggelengkan (kepala): *jong mereka dioleng oleh ombak besar*;
mengoleng-oleng menyebabkan menjadi berayun-ayun, bergoyang-goyang, atau berolang-aling: *ombak kecil ~ perahunya*;
teroleng-oleng tergoyang-goyang, terolang-aling: *kayu bercabang ~ dlm air yg penuh; aku semakin lemah dan tubuhku terasa ~*;
olengan gerakan mengoleng-oleng, ayunan, goyangan, goncangan: *kepala diteleng-telengkan, ~nya spt kapal*.

oleng (oléng) **II** alat yg berbentuk L utk memutar mesin, pemutar.

oleo- (oléó) awalan asing minyak, mis *oleometer*.

oleograf (oléógraf) gambar cetak yg dihasilkan menyerupai catan (lukisan) minyak.

oleometer (oléométer) alat utk menentukan ketumpatan dan ketulenan minyak.

oleoresin (oléóresin) campuran drpd minyak pati dgn resin, mis balsam.

oles (olés) Jk; **mengoles** melumur, melumas, menyapu: ~ *badan dgn minyak*;

mengoleskan melumurkan, melumaskan, menyapukan: *ia ~ minyak itu pd tempat yg bengkak*;

olesan lumuran, sapuan: ~ *balsam ternyata tidak menolong Meiti*.

olet (olét); **mengolet** menidurkan anak, mengulit; → **ulit I**.

olfaksi (Bio) **1.** deria bau; **2.** perbuatan atau proses menghidu, pembauan.

olfaktori (Bio) berkaitan dgn deria bau: *saraf ~; organ ~*.

oligarki 1. pemerintahan yg dijalankan oleh sekumpulan kecil orang yg berkuasa sahaja; **2.** sekumpulan kecil orang yg menguasai dan mentadbir sesebuah negara atau organisasi.

oligopoli (Eko) keadaan pasaran yg bilangan penjualnya begitu kecil sehinggakan tindakan salah seorang drpd mereka boleh

mempengaruhi harga dan dgn itu mempunyai kesan yg ketara ke atas pesaing.

oligopolistik (Eko) bkn oligopoli.

oliguria (Ubat) kurangnya air kencing yg keluar, biasanya disebabkan oleh gangguan buah pinggang.

olimpiad tempoh masa empat tahun antara dua Sukan Olimpik.

Olimpik; *sukan* ~ sukan antarabangsa yg diadakan empat tahun sekali; *api (obor)* ~ api (obor) yg menjadi lambang sukan Olimpik.

oloh Pr, bp; **beroloh** tidur (banyak): *ai, dah pukul 10 pun masih ~ lagi?*

olok; **olok-olok** main-main, lawak-lawak: *bangkangannya itu hanya ~ sahaja; bukan ~ bukan main-main, sungguh-sungguh; gambar ~ gambar sindiran, karikatur; masak ~ Mn selalu dipermainkan orang;*

berolok-olok bermain-main, berlawak-lawak: *~ boleh, tak ada halangannya, asal berketika dan pd tempatnya;*

mengolok-olokkan, memperolok-olok, memperolok-olokkan, memperolokkan mempermainkan dgn perkataan atau perbuatan (spt mengejek dll): *selalu orang ~ Pak Dolah; aku tidak suka diperolok-olokkan spt ini; saudara telah memperolok-olok saya;*

olok-olokan, olokan olok-olok;

perolok-olokan main-main: *unsur-unsur sendaan, ~ dan sihir.*

olong-olong sj ulat pd kayu jati, *Duoitus cermaicus*.

om ark (Sanskrit) sj seruan (pembukaan mantera); **ong I.**

ombak 1. gerakan air yg turun naik atau bergulung-gulung, gelombang kecil: *hanyut dibawa ~ ke tepi pantai; orang ~ ark orang yg gerak-gerinya sangat gelisah; mabuk ~ mabuk laut; 2.* ki gerak fikiran atau rasa hati yg tidak tetap (kacau): *ia tak dapat lagi menahan ~ di dadanya; ~ fikiran;*

~nya kedengaran, pasirnya tiada kelihatan prb telah kedengaran beritanya dia orang kaya tetapi belum ada buktinya lagi; *~ yg kecil jangan diabaikan* prb jangan dipermudah-mudahkan perkara-perkara kecil yg boleh mendatangkan bahaya; *bagai ~ Purus* prb a) deru yg amat menghibakan; b) riuh suara orang ramai; *menguap(-nguap) bagai orang ~* prb perihal orang yg ketagihan candu dll; *payah-payah dilamun ~, tercapai juga tanah tepi* prb setelah beberapa lama menanggung susah akhirnya tercapai juga cita-citanya (terlepas juga drpd sengsara); *spt ~ membanting diri* prb perihal seseorang yg dlm keluh-kesah oleh sesuatu kesusahan; *silih berganti bagai ~ di tepi pantai* prb keadaan hidup yg tiada tetap (sekali susah, sekali senang); *yg ~ itu ~ jua, yg air itu air jua* prb serupa benar;

berombak, berombak-ombak 1. mempunyai ombak, bergelombang kecil-kecil: *angin bertiup dan laut pun ~*; 2. berkeluk-keluk turun naik (spt gelombang kecil): *tirai ~ sbg latar belakang tambah mencantikkan rekaannya; rambutnya ~* rambutnya ikal; 3. sesak (spt orang yg bernafas dgn kencang), sebak (kerana tekanan perasaan): *dadanya semakin ~; suara bisikan halus itu membuat jiwanya ~ dgn seribu kemarahan;*

mengombak 1. membuat ombak; 2. spt ombak; *rambut pendek yg diombak-ombak* rambut yg dikeritingkan.

omboh cakera atau silinder padat yg bergerak turun naik di dlm silinder bergeronggang di bawah tekanan bendalir, spt dlm enjin.

ombor-ombor orang-orangan.

ombudsman (Udg) pegawai atau badan rasmi ataupun separa rasmi yg bertanggungjawab menerima dan menyiasat aduan drpd orang ramai yg tidak berpuas hati dgn apa-apa perkara yg berkaitan dgn jentera kerajaan.

omega (oméga) huruf ke-24 (terakhir) dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Ω, ω.

omel (omél); **mengomel** marah dan merepek, bersungut-sungut, meleter, mencomel, menggerutu: *jika aku mandi lebih drpd lima gayung, induk semangku akan ~ panjang;*

mengomeli memarahi, memberangi, menggusari;

mengomelkan mengomel tentang: *sekali-sekala terdengar isterinya ~ hawa panas;*

omelan gerutu, comelan, leteran, sungutan;

pengomel orang yg suka mengomel, peleter.

omfalitis (Ubat) radang pd tali pusat.

omikron huruf ke-15 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol O, o.

omnivor (Bio) organisma yg memakan haiwan dan juga tumbuhan, mis manusia.

omong **1.** bp bahasa, bicara: ~ *Jawa*; ~ *Melayu*; **2.** cakap, kecek: *banyak ~*; ~ *kosong (melompong)* cakap angin; **3.** berkata, bercakap: *suka ~ kotor; lagak Padang, ~ Betawi* prb cakap tinggi tetapi tidak berisi;

omong-omong, beromong-omong bercakap-cakap, berkata-kata;

mengomong bercakap, berkata;

mengomongkan memperkatakan, mengatakan;

omongan bicara, cakap, kecek: *ia ngeri mendengar ~ itu; jadi ~ orang* jadi buah mulut orang.

ompang-ompang oleh-oleh.

ompol Jk air kencing pd masa tidur;

mengompol terkencing pd masa tidur; **ngompol**.

ompong Jk tidak bergigi lagi, luruh giginya: *sebenarnya dia sudah ~ sama sekali.*

ompreng (ompréng) Jk sj bakul kecil bertutup utk tempat nasi catu dll.

omslag IB kulit buku.

onak 1. = *akar* ~ sj tumbuhan (pokok menjalar), akar kait-kait, damai-damai, dedamai, jambu kelawar, kuku lang rimba, *Zizyphus calophylla*; **2.** sj tumbuhan (pokok rotan yg berduri), *Plectocomia griffithii*; **3.** duri yg bengkok (spt kait).

onang; ~-aning Pr keturunan yg ketujuh.

onani perbuatan mengeluarkan mani dgn tangan;

beronani melakukan onani.

onar I gempar, huru-hara, kacau, rusuh: *berita yg menimbulkan* ~ ;

mengonarkan menggemparkan, mengacaukan, menghuru-harakan;

keonaran kegemparan, kehuru-haraan, kekacauan, kerusuhan.

onar II sl akal busuk, tipu daya.

oncom sj tempe yg bercendawan.

ondak; **berondak-ondak** bergelombang, mengombak (air): *air* ~ ;

terondak-ondak teroleng-oleng, tersentak-sentak (ke atas dan ke bawah): *ia berkayuh dgn cepat mendapatkan perahu yg ~ tiba* .

onde-onde (ondé-ondé) **1.** sj kuih Melayu (spt bola kecil yg dibuat drpd tepung pulut dan berinti gula melaka dsb serta bersalut kelapa parut), buah melaka; **2.** Kd, Pn, Pl sj kuih Melayu (spt bola bentuknya, kulitnya dibuat drpd tepung pulut dan bersalut bijan serta berinti kelapa atau kacang hijau), kuih bom.

onderdil IB bp alat perkakas motokar (basikal dll).

onderneming (ondernéming) IB perkebunan, ladang.

ondoh; **berondoh-ondoh** berdesak-desak, bersesak-sesak (kerana ramai): *berjalan* ~ ;

mengondoh menghanyutkan;

terondoh-ondoh terlanggar-langgar.

ondok; **mengondokkan** menyembunyikan.

oneng-oneng (onéng-onéng) anak piut (keturunan yg kelima).

ong I ark sj seruan (doa) kpd dewa.

ong II C bernasib baik, beruntung: "*perniagaan Tan maju, cukup ~,*"
jawab Puan Tan menabik dadanya.

ongah-angih goyah-goyah atau goyang-goyang (kerana tidak kuat).

ongek (ongék) Pr, bp; **mengongek** meminta-minta berulang-ulang (bkn kanak-kanak), merengek.

onggak; mengonggak-onggak; *berjalan ~* berjalan dgn kepala melonjak-lonjak.

onggek (onggék); **teronggek-onggek;** *menari ~* menari terlonjak-lonjak.

onggok longgok, timbun, tompok: *se~jerami; se~jering;*

beronggok-onggok berlonggok-longgok, bertimbun-timbun, bertompok-tompok: *ia mengerat kayu api ~ banyaknya; kanak-kanak mulai ~, berbisik-bisik sesama sendiri;*

mengonggokkan melonggokkan, menimbunkan, menompokkan: *bermacam-macam jenis buah-buahan, ulam, dll dionggokkan di atas meja di pasar itu; rezeki itu tidak akan dionggokkan di hadapan kita tanpa bekerja;*

teronggok terlonggok: *kain yg ~ di atas katil;*

onggokan longgokan, timbunan, tompokan.

ongji C izin, lesen.

ongkah-angkih berjalan terhoyong-hoyong.

ongkang I; onkang-ongkang Jk 1. duduk dgn kaki terjantai (terkulai);
2. ki tidak ada kerja apa-apa.

ongkang II Mn; **mengongkang-ongkang** berjalan dgn langkah yg panjang, melangkah panjang-panjang (ketika berjalan).

ongkok Mn; **mengongkok-ongkok** berjalan membongkok-bongkok;
mengongkoki menghampiri dgn membongkok-bongkok (utk menyerang dll).

ongkos IB biaya, belanja: ~ *cetak*; ~ *makan*; *berapa ~ utk kerja ini?*

mengongkosi membayar ongkos, membiayai, membelanjai:
mereka dapat ~ aku belajar di universiti;

perongkosan bermacam-macam ongkos (belanja, biaya).

ongok Mn bodoh, dungu.

ongol-ongol sj penganan yg dibuat drpd tepung sagu dll.

oniks sj batu permata yg mempunyai lapisan-lapisan yg beraneka warna.

onkogenik (onkogénik) (Ubat) bkn sesuatu yg mengakibatkan pembentukan tumor.

onkolisis (Ubat) pemusnahan sel tumor sama ada secara mekanikal atau dgn menggunakan bahan kimia atau virus.

onkologi kajian tentang tumor.

onomasiologi kajian tentang hubungan makna antara lambang bahasa dgn objek yg dilambangkan, mis kajian tentang sinonimi dan polisemi.

onomastik kajian tentang nama khas spt nama orang dan nama tempat, terutamanya yg berkaitan dgn asal usul dan makna nama yg berkenaan.

onomatopeia (onomatopéia) pembentukan (penggunaan) kata yg bunyinya ditiru drpd bunyi alamiah spt bek, kuak, miau.

ons IB auns.

onslah IB; **mengonslah** bp memberhentikan (pekerja), melepaskan, memecat.

ontogeni kajian tentang kebiasaan berbahasa seseorang sepanjang hayatnya.

ontologi cabang ilmu falsafah atau metafizik yg berkaitan dgn fitrah makhluk (manusia): *setiap bentuk pemikiran manusia dapat dikembalikan pd dasar ~.*

onyah; *~-anyih* = **mengonyah-anyih** tidak lekas-lekas membuat kerja, malu-malu, segan-segan.

onyak; *~-anyik* a) onyah-anyih; b) goyah (goyang, tidak teguh).

onyok; mengonyok, mengonyokkan mengunjukkan, menonjolkan, menyodokkan, menyodorkan, memberikan, mendesakkan: *mengonyokkan surat*.

oosperma (Ubat) ovum yg baru tersenyawa.

opah Pr nenek perempuan.

opak I; *~ angin* = **opak-opak** sj penganan: *~ ubi*.

opak II ark; **mengopak** menyalakan (membesarkan) api yg hampir padam (dgn menghembus dll).

opal sj batu permata yg terdapat dlm pelbagai warna atau tanpa warna, sama ada lut sinar atau legap, biasanya terdapat dlm batu igneus atau kawasan kolam air panas, baiduri.

opan Pr panggilan kpd perempuan yg berpangkat nenek.

opas IB **1.** tukang jaga; **2.** penyelenggara pejabat, peon; *~ polisi* mata-mata; *~ pos* pembawa surat, posmen.

opau C sj kantung wang pd tali pinggang (drpd manik).

OPEC (opék) akronim bagi *Organization of Petroleum Exporting Countries* (Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum).

opelet (opelét) IB sj kereta sewa.

open IB bp dapur.

open (opén) Jk **1.** suka memerhatikan segala-galanya, cermat, hemat; **2.** suka memungut barang-barang yg terlantar;

mengopeni memerhatikan, mengendahkan, memungut (mengutip) apa-apa yg terlantar.

oper Id bp; *mengambil* ~ menggantikan pekerjaan (tanggungjawab, tugas, dll) orang lain, mengambil alih; *kerja* ~ kerja luar masa, kerja lembur;

mengoper **1.** mengambil oper: *lebih dahulu, pelajarilah gerak perempuan di Eropah dalam-dalam, sebelum kita ~ sahaja cita-citanya*; **2.** memindahkan, mengalihkan; **3.** = **mengoperkan** memberikan kpd, menyerahkan: ~ *bola*;

pengoperan pemindahan, pengalihan, penyerahan.

opera sj drama yg disertai dgn nyanyian dan muzik.

operasi **1.** pembedahan: *ia sanggup menjalani suatu ~ asal sahaja penyakitnya itu boleh hilang*; **2.** perjalanan (alat, pesawat, jentera, dll): *buku ini juga menjelaskan ~ beberapa alat berdasarkan prinsip mekanik*; **3.** kegiatan (syarikat perniagaan, perusahaan, dsb); **4.** gerakan tentera, polis, dll: ~ *jenayah dan keselamatan*; *daerah ~ daerah yg sedang dijalankan gerakan tentera*; *kamar ~ a) bilik tempat dilakukan pembedahan, bilik bedah; b) bilik tempat dikawal atau dikendalikan sesuatu gerakan, bilik gerakan*;

beroperasi **1.** melakukan gerakan (tentera dll); **2.** bergerak, berjalan: *menerangkan cara sistem itu ~ dlm situasi-situasi baru*; **3.** menjalankan kegiatan (perniagaan dsb): *sehingga kini sebanyak 15 buah syarikat telah ~*;

mengoperasi melakukan pembedahan (atas), membedah: ~ *orang yg sakit*.

operasional **1.** berkaitan dgn operasi: *strategi dan program yg ~*; **2.** berkeadaan baik dan sedia utk digunakan.

operator orang yg menjalankan atau mengendalikan sesuatu alat, mesin, dsb: ~ *telefon*.

opereta (operéta) (Muz) sj komedi muzik yg pendek dan ringan.

operkompli IB berlebih (pegawai).

opis bp pejabat.

opium candu.

opor sj masakan (ayam atau itik panggang dgn rempah-rempah).

oportunis orang yg suka mengambil kesempatan drpd sesuatu keadaan, terutamanya utk kepentingan peribadi.

oportunisme sikap suka atau pandai mencari dan menggunakan kesempatan drpd sesuatu keadaan, terutamanya utk kepentingan diri sendiri.

oposisi **1.** penentangan; **2.** = *parti* ~ parti politik yg menentang parti pemerintah (dlm parlimen dll), parti pembangkang.

opseter (opséter) IB pegawai yg mengawasi pekerjaan (membuat rumah dll), penyelia.

opsiner, opsinder IB pengawas atau penyelia (sekolah, ladang, dll).

opsir pegawai yg bertauliah, perwira (dlm perkhidmatan tentera).

opsyen **1.** hak (kebebasan) utk memilih, pilihan: *mereka akan diberi ~ sama ada hendak terus berkhidmat atau sebaliknya*; **2.** (Eko) hak utk membeli atau menjual sejumlah sekuriti dsb pd harga tertentu dlm tempoh tertentu.

opsyenal terserah kpd pilihan sendiri.

optik **1.** kajian saintifik tentang cahaya dan pelihatan; **2.** berkaitan dgn mata atau pelihatan; ~ *gentian* (Komp) teknik penghantaran data digital dlm bentuk denyutan cahaya melalui berkas gentian kaca yg panjang, lut sinar, dan halus.

optimis (orang yg) selalu menaruh harapan baik terhadap sesuatu (perkembangan, kemungkinan, dll), (orang yg) selalu melihat sesuatu masalah dll dgn jangkaan atau harapan baik: *saya juga seorang ~, tetapi lebih munasabah dan menguntungkan jika kita mengambil sikap berhati-hati dan berjaga-jaga.*

optimisme sikap (pandangan hidup atau pendirian) yg melihat segala hal dr sudut kebbaikannya sahaja atau yg menjangkakan perkembangan (kemungkinan dsb) yg baik-baik sahaja.

optimistik penuh harapan baik dlm menghadapi sesuatu: *dia berasa ~ tentang keputusan itu.*

optimum **1.** kedudukan (jumlah, paras, dll) yg terbaik atau paling menguntungkan (bagi sesuatu keadaan, pengeluaran, perkembangan, dll); **2.** paling baik atau menguntungkan (bkn pengeluaran dll): *pengeluaran yg ~ dgn kos yg rendah serta efisien hanya diperoleh melalui teknologi yg berintensif modal dan tidak pd teknologi yg berintensif buruh;*

mengoptimumkan merancang atau menjalankan kegiatan ekonomi dll dgn kecekapan maksimum: *ke arah ~ potensi ekonomi umat Islam;*

pengoptimuman perihal (perbuatan atau tindakan) mengoptimumkan: *~ pengeluaran sangat penting dlm menentukan keuntungan.*

optometer (optométer) (Ubat) alat utk menguji kuasa pembiasan mata.

optometri (optométri) pengukuran ketajaman pelihatan dan penentuan kaca mata yg sesuai (dr segi kuasa) utk memperbaiki pelihatan.

opu gelaran bangsawan Bugis.

opus (Muz) gubahan muzik, mis simfoni, yg diberi nombor (utk menunjukkan bila gubahan itu ditulis).

or Kl; *habis* ~; → **habis**.

orak I; mengorak **1.** menguraikan, mengungkai, membuka (tali, lingkaran, dll); **2.** menghitung utk mencari angka pengisi bagi sesuatu angka;

~ ikatan menguraikan ikatan; *~ langkah* membuka langkah, mulai melangkah (berjalan); *~ lingkaran* mulai bekerja; *~ pura* membuka pundi-pundi wang (membayar hutang); *~ selimut* membuka selimut; *~ senyum* tersenyum; *~ sila* bangkit berdiri, pergi; *segan ~ lingkaran* sangat malas;

terorak terurai, terungkai, terbuka;

orakan cara atau kaedah menghitung utk mencari angka pengisi bagi sesuatu angka.

orak II; *~-arik* kacau-bilau.

oran; *akar ~ merah* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar cina putih, bunga jengkal, *Neuropeltis racemosa*.

orang 1. manusia (sbg peribadi): *dr sini kami lihat ~ berkelahi; tadi ada ~ telefon awak; satukanlah ~ berdua ini*; **2.** salah satu manusia (ganti diri ketiga yg umum): *jangan suka dengar cakap ~ sangat; dagingnya ~ buat lauk; dengar kata ~ terjun masuk lubuk; di aku hak aku, di ~ hak ~ (yg) pd orang lain itu haknya*; **3.** diri manusia: *barangnya ada tetapi ~nya pergi ke mana; mana ~nya yg memanggil aku tadi; ~ seorang* orang sendiri; **4.** penjudoh bilangan bagi manusia: *lima ~ pengganas telah ditembak mati oleh pasukan keselamatan*; **5.** pengikut, anak buah: *berapa ramaikah ~ awak?; kalau engkau pandai mengasuh, engkau akan beroleh isteri walaupun dia bukan ~ awak*; **6.** manusia yg berasal dr sesuatu daerah tertentu, rakyat sesebuah negara: *dia ~ Perak, bukan ~ Selangor; nampaknya dia itu spt ~ kampung*; **7.** bangsa, kaum, suku: *~ Iban; ~ Kadazan; ~ Melayu*; **8.** = *~ lain* lain drpd diri sendiri, bukan kaum keluarga: *itu motokar ~, bukan motokar kita; ~ sekali masuk membawa harta itu keluar, ia dua tiga kali masuk keluar; negeri ~ negeri lain, bukan negeri sendiri*; **9.** Jk kerana, lantaran (sebenarnya): *mana dapat membayar, ~ belum gajian*; **10.** bp diri sendiri dan sbg penguat utk kata ganti spt *awak (kau) ~, dia ~, kita ~, lu ~;*

~ asing a) (Udg) orang yg bukan warganegara bagi sesebuah negara; b) orang luar; *~ asli* penduduk asal sesebuah negeri; *~ atas*

a) orang yg tinggal di sebelah atas; b) orang yg berpangkat tinggi,

orang besar-besar; ~ *awam* a) rakyat biasa, khalayak ramai; b) orang preman, bukan anggota polis atau tentera; ~ *banyak* khalayak ramai, orang biasa, orang awam; ~ *Barat* orang berkulit putih yg berasal dr Eropah dan negara-negara spt Kanada, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand; ~ *baru (baharu)* a) orang yg baru bekerja; b) orang yg baru datang ke atau tinggal di sesuatu tempat; c) orang yg baru berkahwin; d) anak yg akan atau baru dilahirkan; ~ *bawah (bawahan)* orang yg tidak berpangkat, orang yg berpangkat rendah; ~ *belakang* a) bp isteri; b) orang yg akan datang (lahir) kemudian; ~ *(yg) berada* orang yg berharta; ~ *besar* a) orang yg besar tubuh badannya; b) orang yg sudah dewasa; c) orang yg berpangkat tinggi; d) orang mulia (bangsawan); ~ *biasa* rakyat biasa; ~ *buangan* orang yg diasingkan drpd masyarakat (kerana kegiatan-kegiatan politik dll); ~ *bukit* orang yg tinggal di bukit; ~ *bumi* penduduk asli; ~ *buruan* orang yg diburu (dicari) oleh yg berwajib kerana kesalahan jenayah dll; ~ *dagang* orang yg datang dr negeri lain, orang yg datang merantau, bukan anak negeri; ~ *dalam* a) orang yg bekerja dlm istana raja; b) orang yg bekerja di dlm sesuatu jabatan dsb; c) Sr orang yg dijemput khas kerana menolong kerja kahwin; d) Kl orang yg dapat bergaul dgn sesiapa jua, orang kesayangan orang ramai; ~ *darat* a) orang asli; b) orang kampung (dusun); c) Kl ki orang yg tidak tahu akan perkara; d) Mn orang bahagian pedalaman Minangkabau (lwn orang pesisir); ~ *datang* keturunan atau angkatan yg akan datang, orang belakang; ~ *gaji(an)* orang yg bekerja di rumah orang, babu, pembantu rumah, amah; ~ *galang* orang yg menjadi pelindung kpd orang lain (spt pembesar), orang yg bersedia menyabung nyawanya utk tuannya dll; ~ *halus* a) jin, roh, orang bunian; b) orang yg pandai-pandai; ~ *harapan* orang yg

diberi kepercayaan penuh atau yg amat diharapkan utk melaksanakan sesuatu (projek, program dsb); ~ *hilir* a) orang yg tinggal di sebelah hilir sungai; b) Kl orang yg tahu segala-galanya (lwn orang darat); ~ *hulu* a) orang yg tinggal jauh di pedalaman negeri; b) orang yg tidak tahu adat dll; ~ *hobatan* orang yg pandai menjampi (bomoh); ~ *hutan* a) orang yg tinggal di hutan; b) sj kera besar, mawas, *Pongo pygmaeus*; c) orang yg tidak tahu sesuatu perkara (adat, tatatertib, dll); ~ *jemputan* orang yg berbangsa, orang bangsawan (jika ia berkahwin menurut adat kebiasaan, pihak perempuanlah yg menjemputnya dgn wang dll); ~ *kalau* orang yg memainkan nobat; ~ *kampung* a) orang yg tinggal di kampung; b) bp orang yg tidak tahu suatu apa; ~ *kanan* orang yg diharapkan, orang harapan, pembantu (penolong) yg utama; ~ *kaya* a) orang yg berharta, hartawan; b) = ~ *kaya-kaya* orang yg berpangkat (berkedudukan) tinggi; c) = *rangkaya* panggilan kpd isteri orang yg berpangkat atau yg patut dihormati; ~ *kebanyakan* orang biasa (bukan orang bangsawan, bukan orang berpangkat); ~ *kecil* a) orang yg kecil badannya; b) rakyat biasa (orang kebanyakan); ~ *keluaran* a) orang yg di luar (yg tidak turut campur dll); b) orang luar istana (lwn orang dalam); ~ *kenamaan* orang yg terkenal, orang yg masyhur, orang besar; ~ *kepercayaan* orang yg dipercayai, orang harapan; ~ *lain* bukan diri sendiri, manusia lain; ~ *lama* orang yg sudah lama (di sesuatu tempat, kerja, dll) dan banyak pengalamannya; ~ *laut* suku bangsa yg hidup (tinggal) di laut; ~ *liar* orang yg belum bertamadun (beradab), orang hutan; ~ *luar (luaran)* orang yg di luar lingkungan (pekerjaan, golongan, dll); ~ *mendatang* orang dagang; ~ *minyak* orang yg melumuri badannya dgn minyak (supaya tidak mudah dapat ditangkap dll) dan biasanya mengganggu orang perempuan dgn tujuan hendak

mencabul kehormatan mereka; ~ *muda* a) orang yg masih muda; b) pemuda; c) Mn tukang salung (tari dll); d) (biasanya) pelaku utama lelaki dlm bangsawan dll, hero; ~ *papak* pondan; ~ *perjuangan* tokoh-tokoh politik; ~ *preman* orang awam (bukan tentera); ~ *putih* orang Barat; ~ *ramai* khalayak ramai, orang banyak, umum; ~ *rantai* orang hukuman; ~ *rendah* a) orang yg tidak tinggi badannya; b) orang yg kedudukannya (bangsanya dll) rendah, orang biasa; ~ *rumah* a) isteri; b) orang yg tinggal bersama-sama di rumah, keluarga di rumah; ~ *sabun* orang balar; ~ *sakit* a) orang yg menghidap penyakit, pesakit; b) orang yg dirawat di hospital; ~ *salah* orang yg dihukum kerana melakukan kesalahan; ~ *setangga* = ~ *sebelah* jiran, tetangga; *O~ Sungai* suku kaum peribumi di Sabah termasuk dlm kumpulan kaum Kadazan Dusun, yg kebanyakannya tinggal di pesisiran pantai, aktiviti utamanya ialah kerja yg berkaitan dgn laut dan sungai; ~ *suruhan* a) orang gaji; b) wakil drpd satu pihak (sbg pembawa pesanan dll), utusan; ~ *tahanan* orang yg ditahan oleh pihak yg berkuasa kerana disyaki melakukan sesuatu jenayah, keganasan dsb; ~ *tani* peladang, petani; ~ *tebusan* orang yg ditahan (biasanya orang yg tidak bersalah) dan diugut akan dcederakan atau dibunuh jika tuntutan pihak yg menahan itu tidak dipenuhi atau ditunaikan; ~ *tengah* a) orang yg menjadi pendamai bagi pihak-pihak yg berbalah; b) orang yg menjadi pengantara antara pengeluar barang-barang dgn pengguna; c) orang yg menjadi pengantara antara pihak-pihak dlm rundingan kahwin dll; ~ *timur* orang Asia; ~ *tua* a) orang yg sudah tua; b) ibu bapa; c) = ~ *tua-tua* orang yg dianggap tua (bijak dan berpengalaman) dlm kampung; *O~ Ulu* suku kaum peribumi di Sarawak yg terbahagi kpd banyak suku yg berbeza budaya dan bahasa mengikut daerah, penempatan atau

kawasan perkampungan masing-masing, yg kebanyakannya tinggal di pedalaman, kuat berpegang pd adat, dan mahir dgn kerja tangan; ~ *upahan* orang yg diupah utk melakukan sesuatu, biasanya yg tidak baik;

~ *berdendang di pentasnya*, ~ *beraja di hatinya* prb mengikut rasa hati masing-masing; ~ *kaya suka dimakan*, ~ *elok selendang dunia* prb perihal orang kaya yg selalu berjamu dan menolong orang miskin (satu pujian); ~ *muda menanggung rindu*, ~ *tua menanggung ragam* prb tiap-tiap anak muda itu ada yg dirinduinya (nasihat kpd orang tua); ~ *tua diajar makan pisang (dadih)* = *jangan diajar ~ tua makan dadih* prb orang yg sudah tahu (pandai dll) itu jangan diajar lagi; *apabila ~ miskin menghendaki wang, dia mendapat anak*, *apabila ~ kaya menghendaki anak, dia mendapat wang* prb perihal menyatakan bahawa manusia itu lemah, yg berkuasa Tuhan jua; *bak ~ gombang di lebu* prb elok di luar sahaja sedang di dlm tidak elok (tidak sempurna); *lain ~, lain hati* = *makin banyak ~ makin banyak niat* prb kesukaan tiap-tiap orang itu tidak sama (fikiran, kemahuan, dll); *spt menanti ~ dahulu*, *mengejar ~ kemudian* prb pekerjaan yg sia-sia; *takkan dua kali ~ tua kehilangan tongkat* prb sebodoh-bodoh orang, takkan mahu terkena dua kali (sekali terkena sudah tidak berani lagi);

seorang **1.** satu orang; *salah ~* mana-mana satu orang (drpd yg banyak); **2.** sendiri; ~ *diri* sendiri sahaja; ~ *budi-budian*, ~ *tabung seruas* prb perihal dua orang yg berlainan tabiatnya (iaitu seorang suka berahsia dan yg satu lagi lurus);

seseorang seorang (drpd yg banyak) yg tidak dapat dipastikan: ~ *calon itu hendaklah lulus ujian*;

berseorangan, berseorang **1.** dgn cara seorang-seorang; *pengajaran ~ pengajaran dgn cara seorang-seorang*; **2.** seorang diri: *soalan ini tidak akan selesai kalau hanya dihadapi ~*;

keseorangan terasing seorang diri, tinggal seorang diri, kesunyian: *dia betul-betul ~ jauh dr segalanya*;

perseorangan dgn cara berseorang-seorang (tidak secara berkumpulan dsb), satu-satu orang (tidak bersama atau dgn pelibatan orang lain): *usaha menulis bahasa Melayu dgn menggunakan huruf-huruf Rumi telah dijalankan oleh beberapa orang sarjana Eropah secara ~*; *johan ~ johan* atau juara yg terdiri drpd satu orang pemenang sahaja (bukan pasangan atau pasukan); *orang ~ orang* bersendiri, individu;

orang-orangan, orang-orang **1.** tiruan orang, boneka, patung: *kami dianggap ~*; **2.** sj patung yg dibuat utk menakutkan burung: *mereka buat ~ drpd kain baju yg buruk-buruk*; *~ mata* bahagian yg hitam pd biji mata;

berorang ada orang: *rumah itu sepi tidak ~*;

berorang-orang Mn secara dgn orang lain (bukan secara sanak-saudara);

perorangan perihal orang seorang: *sajak ini menyiarkan teknik ~ bagi menghidupkan perasaan manusia*.

orang-arang **1.** sj tumbuhan (rumpai), aring-aring, keremak jantan (hutan), rumput migus (kunang putih), *Eclipta alba*; **2.** sj tumbuhan (herba), akar batu babi, daun balam, kica, kuda paya, pokok kedudu paya, rubai, ubai-ubai, ubai itik, *Pouzolzia zeylanica*.

orbit (Fiz) **1.** laluan yg diikuti oleh sesuatu planet, satelit, dsb dlm pergerakannya mengelilingi jasad cakerawala yg lain di bawah pengaruh graviti; *~ rendah* orbit yg biasanya bulat, altitudnya

kurang drpd 1 000 km dan tempoh bergerak dlm orbit kira-kira 90 minit; **2.** laluan elektron mengelilingi nukleus atom;

mengorbit 1. bergerak mengikut peredaran orbit: *tempoh ~ kira-kira 90 minit*; **2.** ki mencari jalan memburu kejayaan (nama) dlm bidang tertentu: *manusia hanya sekadar makhluk tidak bererti yg ~ dlm dunia yg maha luas.*

orbital (Fiz) kawasan di sekitar nukleus sesuatu atom.

orde = **order** IB sistem, peraturan, susunan; ~ *baru* a) peraturan (pemerintahan, dll) secara baru (sistem pemerintahan sesudah jatuhnya Sukarno); b) peraturan (golongan, aliran, dsb) yg baru atau yg muncul pd waktu-waktu kebelakangan; ~ *lama* a) sistem pemerintahan pd zaman Sukarno; b) peraturan (golongan, aliran, dsb) yg lama.

order salah satu kategori pengelasan benda hidup, sebelum famili.

ordi 1. perintah; **2.** rodi; **wardi.**

ordinal; *nombor* ~ (Mat) nombor yg menunjukkan kedudukan relatif (sesuatu benda) dlm satu urutan (kumpulan): *pertama, ketujuh, dan kesepuluh adalah contoh nombor* ~.

ordinan perintah, peraturan, statut, dsb oleh sesuatu pihak berkuasa, undang-undang.

ordinat garisan yg antara lain dipakai utk menentukan titik dlm suatu ruang.

ordonan IB orang suruhan dlm perkhidmatan ketenteraan.

ordonansi IB peraturan kerajaan.

oregano (orégano) sj tumbuhan herba yg daunnya digunakan sbg perasa dlm masakan Itali dan Mexico, *Origanum vulgare*.

oren (orén) **1.** sj buah limau (kulitnya kuning kemerah-merahan) drpd tumbuhan *Citrus sinensis*; **2.** = *air* ~ air limau; **3.** warna kuning kemerah-merahan, jingga.

oreng (oréng) Mn alur antara hidung dgn bibir, uring.

organ I 1. alat dlm tubuh (manusia, binatang, tumbuhan) yg mempunyai tugas yg penting; 2. institusi (badan dsb) yg melaksanakan sesuatu bidang tugas dan tanggungjawab: *tiga ~ asas negara – eksekutif, legislatif dan kehakiman menjalankan tugas secara berasingan.*

organ II IB majalah atau akhbar sesebuah parti politik dll.

organ III alat muzik yg mempunyai papan nada yg memerlukan kuasa elektronik utk menghasilkan bunyi; ~ *elektrik* organ yg bunyinya diubah suai secara elektronik.

organdi (Tks) sj fabrik kapas yg nipis dan agak keras.

organik; bahan ~ a) bkn bahan, proses, dll yg ada kaitan dgn (sumber) haiwan atau tumbuhan; b) bkn bahan kimia yg mengandungi unsur karbon; c) bkn tanaman yg menggunakan baja drpd sumber haiwan atau tumbuhan (bukan drpd bahan kimia buatan): *tanaman ~;*

kimia ~ cabang kimia yg berkaitan dgn sebatian karbon; *penyakit* ~ penyakit yg melibatkan perubahan struktur tubuh.

organisasi kesatuan (susunan dsb) yg terdiri drpd bahagian-bahagian (orang dll) dlm sesuatu pertubuhan (perkumpulan, perbadanan, dll) utk tujuan-tujuan tertentu (kepentingan bersama dsb), pertubuhan: ~ *kaum wanita; ~ politik;*

berorganisasi mempunyai organisasi, tersusun dgn baik dan rapi: *kaum tani mulai ~ dlm gerakan pertahanan rakyat; kejayaan hidup berkeluarga bergantung pd kejayaan dirinya hidup ~; keganasan yg dilakukan secara ~;*

mengorganisasikan mengatur dlm organisasi, menyusun menjadi kesatuan dsb yg teratur: ~ *badan politik;*

pengorganisasian perihal (proses) mengorganisasikan sesuatu: *institusi itu menitikberatkan ~ ilmu.*

organisator IB orang yg mengorganisasikan, penyusun, pengatur.

organisir IB; **mengorganisir** mengorganisasikan.

organisma haiwan, tumbuhan, dan benda-benda yg berupaya menjalani proses kehidupan spt bernafas, makan, membesar, dan membiak.

organza (Tks) sj fabrik nipis, jarang dan keras yg diperbuat drpd benang kapas, sutera, rayon dsb.

orgasma puncak kenikmatan syahwat.

orgel organ.

orgi pesta liar, biasanya disertai dgn minum minuman keras secara berlebih-lebihan dan kegiatan seks.

ori bp singkatan bagi original.

ORI ark Id kep *Oeang Repoeblik Indonesia*, iaitu mata wang yg digunakan pd zaman revolusi (1945 – 1955).

orientalis (oriéntalis) pakar dlm bahasa, kebudayaan, dll bangsa timur.

orientalisme (oriéntalisme) nilai (ciri, gaya, pandangan, tatalaku dsb) yg berkaitan dgn atau berasaskan bangsa Timur.

orientalistik (oriéntalistik) berkaitan dgn (berasaskan dsb) orientalisme: *kita tidak harus terpengaruh oleh kecenderungan ~ dlm menentukan pandangan kita tentang khazanah bangsa.*

orientasi (oriéntasi) **1.** arah aliran yg diikuti atau yg menjadi spt landasan bagi sesuatu pergerakan (perkembangan dll): *sikap atau ~ intelektual tidak dapat dicapai hanya melalui latihan yg berdasarkan ilmu-ilmu kepakaran tertentu;* **2.** kegiatan (peninjauan dsb) yg menjadikan seseorang faham akan atau dapat menyesuaikan diri dgn sesuatu keadaan baru (matlamat tertentu dll): *pd hemat saya, tidak perlu memberikan ~ baru kpd pelajar-pelajar kita supaya tanggapan dan niat mereka belajar di universiti memenuhi harapan yg kita letakkan pd mereka;*

berorientasi melihat-lihat atau meninjau-ninjau dsb (agar lebih kenal, lebih mesra, lebih tahu atau dapat menyesuaikan diri dgn sesuatu keadaan dll);

berorientasikan mempunyai sbg orientasi, berasaskan sesuatu orientasi: *industri-industri yg ~ eksport; sistem pendidikan yg ~ peperiksaan; sebuah karya Melayu yg ~ tradisi Arab; strategi ekonomi yg ~ pertumbuhan;*

mengorientasikan menyesuaikan (menyelaraskan dsb) kpd sesuatu atau utk mencapai sesuatu: *diperlukan latihan semula atau latihan dlm perkhidmatan utk ~ semula pemikiran dan pengetahuan mereka; keseluruhan sistem pendidikan mestilah diorientasikan utk menggalakkan pertumbuhan sifat-sifat motivasi dan disiplin di kalangan para pelajar.*

origami (Jepun) seni lipat kertas utk membuat objek hiasan yg berbentuk spt manusia, binatang dsb.

original bp bukan tiruan (bkn karya, produk, idea dsb), asli, tulen.

Orion nama sekumpulan bintang yg bercahaya terang, bintang belantik, bintang tiga beradik.

orisinil IB asli, tulen.

orkes (orkés) **1.** pasukan pancaragam yg kecil bilangan ahli muziknya (biasanya setiap pemuzik memainkan hanya satu jenis alat muzik): *~ Ahmad Wan Yet; O~ Sinar Murni; 2.* bunyi-bunyian, muzik.

orkestra (orkéstra) pasukan pancaragam yg besar bilangan ahli muziknya dan sesuatu jenis alat muzik (terutama biola, trompet, saksofon, dsb) dimainkan oleh beberapa orang pemuzik dgn seorang memimpin pasukan ini: *O~ RTM; ~ simfoni* orkestra yg mempersembahkan atau memainkan simfoni;

mengorkestrakan mempersembahkan atau mengubah (lagu atau muzik) utk orkestra: *dia ~ beberapa buah lagu rakyat.*

orkid **1.** tumbuhan daratan atau epifit dr famili *Orchidaceae* yg bunganya berwarna terang dan cantik, anggerik; **2.** bunga dr tumbuhan ini, anggerik.

orkidektomi (orkidéktomi) (Ubat) pembuangan salah satu atau kedua-dua testis secara pembedahan.

ormas Id kep organisasi massa.

orna ark warna.

ornamen sesuatu yg menghiasi, perhiasan (spt lukisan dll).

ornitologi kajian tentang burung, terutama aspek kelakuan, pengelasan, dan kawasan tempat tinggalnya.

orogeni (orogéni) (Geog) proses pembentukan gunung.

orografi cabang geografi fizikal yg berkaitan dgn gunung.

orok I; *anak* ~ bayi.

orok II; **mengorok** mendengkur.

orok-orok Jw sj tumbuhan (pokok), kacang kayu, kacang riang-riang, kacang sekucuk, *Crotalaria striata*; ~ *cina* sj tumbuhan (pokok), giring landak, *Crotalaria retusa*.

orong-orong I Mn lubang sumbu meriam (senapang) kuno.

orong-orong II Jw anjing tanah.

orpol Id kep organisasi politik.

ortodoks berpegang teguh pd peraturan, pendapat, prinsip, dsb yg diterima umum spt dlm agama, kelakuan atau sikap: *begitu juga beberapa ilmu kebatinan yg bertentangan dgn Islam yg ~;*

keortodoksan perihal (keadaan) ortodoks: ~ *tidak menolong masa kesusahan dlm amalan sosial.*

ortodoksi ketaatan kpd prinsip agama dan undang-undang (peraturan).

ortodontik cabang ilmu pergigian yg berkaitan dgn pengelakan berlakunya pertumbuhan gigi yg tidak normal (tersusun) dan perawatan gigi yg bermasalah.

ortografi 1. (sistem) ejaan; **2.** ejaan yg betul atau standard.

ortopedik (ortopédik) subbidang ilmu pembedahan yg khususnya berkaitan dgn pemulihan fungsi sistem rangka serta sendi dan struktur yg berkaitan.

ortopnea (ortopnéa) (Ubat) keadaan sukar bernafas kecuali semasa duduk tegak atau berdiri.

ortoptik (Ubat) rawatan atau teknik pemulihan pelihatan yg cacat, spt dgn melakukan senaman mata utk memperkuat otot-otot mata yg lemah.

Os simbol kimia bagi osmium.

oseanarium (oséanarium) akuarium air laut yg besar tempat memelihara binatang atau hidupan laut.

oseanografi (oséanografi) ilmu tentang segala aspek (termasuk fizik, biologi, kimia, geologi) yg berkaitan dgn lautan.

osikel (Bio) tulang kecil.

osiloskop sj alat pengujian elektronik yg boleh memaparkan pelbagai rupa bentuk gelombang pd tabir tiub sinar katod.

oskar hadiah berupa ukiran (patung dsb) yg diberikan kpd pemenang sesuatu pertandingan (spt nyanyian, lakonan, dsb).

oskeoplasti (oskéoplasti) (Ubat) pembedahan plastik pd kerandut buah zakar utk tujuan pemulihan atau pembaikan.

osmium (Kim) sj unsur logam yg berwarna putih dan keras.

osmosa Id osmosis.

osmosis (Kim) pengaliran molekul pelarut dr larutan yg kurang pekat ke larutan yg lebih pekat melalui membran separuh telap.

oso; ~ *sekata* persetujuan penuh (sebulat suara).

osteofit (ostéofit) (Ubat) tunasan tidak normal pd tulang yg mengakibatkan rasa sakit pd tulang.

osteologi (ostéologi) kajian tentang struktur dan penyakit tulang.

osteomalasia (ostéomalasia) (Ubat) keadaan tulang menjadi lembut akibat gangguan proses pembentukan mineral, yg mengakibatkan rasa sakit, nyeri, lemah otot, kekurangan berat badan, dll.

osteopati (ostéopati) (Ubat) **1.** sebarang penyakit tulang; **2.** cara mengubati sesetengah penyakit dgn menggerak-gerakkan atau memicit-micit tulang dan otot.

osteoplasti (ostéoplasti) (Ubat) pembedahan plastik pd tulang.

osteoporosis (ostéoporosis) (Ubat) kelampungan tulang (biasanya dialami orang tua).

osteotomi (ostéotomi) (Ubat) pemotongan tulang secara pembedahan.

osteotrofi (ostéotrofi) (Ubat) hal yg berkaitan dgn nutrien yg diperlukan utk pembentukan dan perkembangan tulang.

otak I 1. organ di bahagian atas kepala, yg mengawal pemikiran (perasaan), benak; **2.** alat berfikir, fikiran: *terlintas di ~ku kejadian-kejadian ngeri itu;*

~ ayam bodoh; ~ minyak pandai; ~ telur bodoh; ~ udang bodoh; kepala ~ bk sj makian; kerja ~ kerja yg menggunakan fikiran; picik ~ sempit fikiran;

~ batu kepala sl kepala (dlm percakapan dgn raja dll); ~ telur, bukan ~ minyak prb perihal seorang yg bodoh;

berotak 1. mempunyai fikiran, berakal, berfikiran: *ia seorang yg ~; tidak ~ tidak berfikiran (berakal); 2.* mempunyai otak: *~ geliga; ~ udang.*

otak II; otak-otakan Jk suka berbuat yg bukan-bukan (supaya dikatakan berani dll), mengada-ngada, sombong.

otak III; ~ udang 1. sj tumbuhan (pokok), katak udang, pauh pipit, *Buchanania lucida*; **2.** sj tumbuhan (pokok), bengkaras, jangkal, medang melukut, serapuh bukit, *Norrisia malaccensis*.

otak-otak sj lauk yg dibuat drpd ikan dll bercampur rempah (dibalut dgn daun kelapa dan dipanggang).

otalgia (Ubat) sakit di bahagian tengah atau di dalam telinga.

otek (oték) **I**; *ikan* ~ **1.** sj ikan laut, *Arius utik*; **2.** sj ikan laut, *Tachysurus utik*.

otek (oték) **II** Jk goyang, goyah;

mengotekkan menguit-duit: *anjing itu ~ ekornya*.

otek (oték) **III** Jw sj biji-bijian, sekoi.

otek (oték) **IV**; **mengotek** melakukan sesuatu dgn perlahan-lahan.

otitis (Ubat) radang di dalam telinga yg dicirikan oleh demam, gangguan pendengaran dsb.

oto I Id motokar; ~ *gerobak* lori; ~ *sedan* motokar yg tertutup bumbungnya (tidak dapat dibuka-buka spt pd motokar sport).

oto II pakaian penutup dada (utk kanak-kanak).

otobis IB bas sewaan.

otokoyok Kl sama kuat (perlawananan dll).

otologi cabang perubatan yg berkaitan dgn kajian tentang anatomi dan penyakit telinga.

otoman sj tempat duduk yg panjang, rendah dan berkusyen tanpa penyandar atau lengan, kadang-kadang digunakan sbg kotak utk menyimpan barang spt cadar dsb.

otomat IB perkakas yg dapat berjalan atau bekerja sendiri.

otopet (otopét) IB sj basikal kanak-kanak yg tidak berpengayuh (ditolak dgn kaki).

otorea (otoréa) (Ubat) lelehan dr telinga, terutamanya yg mengandungi nanah.

otorinolaringologi kajian tentang penyakit telinga, hidung dan kerongkong.

otoritet (otoritét) IB pembesar, penguasa.

otot (berkas) tisu yg terdiri drpd berkas sel-sel memanjang yg boleh ditegangkan dan dikendurkan utk menghasilkan pergerakan pd organ atau bahagian;

~ *jalur* = ~ *kawal* (Bio) otot di bawah kawalan otak, yg tisuanya terdiri drpd gentian otot yg jalur-jalur melintangnya kelihatan melalui mikroskop, mis otot pd tulang rangka; ~ *jantung* (Bio) otot jalur yg terdapat pd jantung, yg di luar kawalan otak; ~ *licin* (Bio) otot di luar kawalan otak, yg tisuanya terdiri drpd sel berbentuk gelendong dan tanpa jalur melintang yg ketara, mis otot dinding usus;

berotot mempunyai otot: *tangan* yg ~;

mengotot keras (tegar) hati.

output 1. hasil pengeluaran, keluaran: *pd masa ini pengeluaran semikonduktor terdiri drpd 80% jumlah ~ industri*; **2.** (Komp) hasil pemprosesan data oleh komputer; **3.** (Fiz) isyarat yg diperoleh drpd litar elektronik;

~ *data* data yg boleh dikeluarkan oleh sesuatu peranti komputer; ~ *grafik* hasil janaan komputer dlm bentuk cetakan atau plot grafik;

mengoutput mengeluarkan data dr sesuatu (sumber dsb): *data input dikawal, disemak, diproses dgn betul menurut tatacara yg diperlukan, dan dioutput dgn tepat*;

pengoutputan proses mengoutput sesuatu.

ovalbumin (Bio) albumin yg terdapat dlm putih telur.

ovari (Bio) **1.** salah satu drpd dua organ pembiakan (pd perempuan dan binatang betina) yg mengeluarkan ovum dan hormon estrogen; **2.** organ pembiakan pd tumbuhan betina yg mengeluarkan biji.

ovariotomi (Ubat) pembuangan ovari atau tumor ovari secara pembedahan.

overdraf 1. pengambilan wang dr bank yg melebihi simpanan di bank; **2.** jumlah wang dikeluarkan dr bank yg melebihi simpanan.

overhed (overhéd) (Eko) kos bahan dan perkhidmatan yg diperlukan dlm pengeluaran barang atau perkhidmatan, tetapi tidak boleh dikesan secara langsung spt kos bahan mentah tak langsung (mis sewa atau bayaran elektrik syarikat), buruh tak langsung (tukang sapu, penjaga stor, dll), dsb.

overtur (Muz) gubahan muzik sbg pengenalan kpd persembahan opera, balet dsb.

oviduktus (Bio) tiub yg menyalurkan ovum dr ovari, saluran ovum.

oviparus (Bio) bkn haiwan yg bertelur, dgn telur yg dikeluarkan itu berkembang dan menetas di luar tubuh haiwan itu (spt ayam, burung, dll).

ovoviviparus (Bio) bkn haiwan yg menghasilkan anak secara perkembangan dan penetasan telur di dlm badan haiwan tersebut (spt ular, ikan, dll).

ovul (Bio) struktur yg terdapat di dlm ovari angiosperma yg berkembang menjadi biji setelah berlakunya persenyawaan.

ovum (Bio) sel telur haiwan betina yg belum tersenyawa yg dihasilkan oleh ovari;

pengovuman (Bio) penghasilan telur oleh ovari.

oyak I Mn; **mengoyak-oyak** menggerakkan, menggoncangkan (supaya lepas), mengogah.

oyak II Jw; **mengoyak 1.** berlari utk mendapatkan sesuatu atau seseorang yg sedang bergerak, mis kucing menangkap tikus, polis menangkap pencuri dsb; **2.** berusaha dgn bersungguh-sungguh utk mendapatkan sesuatu atau memenuhi tujuan.

oyod Jw ark akar.

oyok Jk; **mengoyok** memburu, mengejar, menghambat; **oyak II.**

oyong I berayun-ayun, bergerak-gerak, goyang;

mengoyongkan menggerakkan, menggoyangkan hingga condong;
huyung.

oyong II Jk sj tumbuhan (pokok menjalar yg buahnya spt peria), ketola (hutan), petola sanding (segi), *Luffa acutangula*.

ozon (Kim) bentuk gas oksigen dgn tiga atom oksigen dlm satu molekul; *lapisan* ~ lapisan atmosfera yg tinggi kandungan ozonnya dan bertindak sbg perisai terhadap sinar ultralembayung matahari yg memudaratkan kehidupan.

ozonosfera (ozonosféra) (Geog) lapisan atmosfera bumi, tempat yg terletak di antara 15 - 30 km di atas permukaan bumi, tempat terdapat ozon dlm jumlah yg paling banyak dan mampu menyerap sinaran ultraungu.

p huruf ke-16 abjad Rumi.

P simbol kimia bagi fosforus.

P. kep Pulau: ~ *Pinang*.

pa I huruf ke-23 abjad Jawi (mempunyai nilai 5000).

pa II Kd, Pn; *dia* ~ mereka (semua), *depa*; *hang* ~ hang semua, engkau semua; *saya* ~ kami (semua), *sepa*.

Pa simbol kimia bagi protaktinium.

pabean (pabéan) kastam: *peti dan guni yg telah diperiksa dan dicap oleh ~ segera dimuatkan ke dlm kapal*.

pabila singkatan bagi apabila; *barang* ~ bila-bila sahaja, sebarang waktu.

pabrik IB kilang: ~ *tebu*.

pacah Br buta.

pacai serbuk kayu cendana atau setanggi (ditabur atas mayat).

pacak I 1. sesuatu yg panjang dan runcing, cucuk (ikan yg hendak dipanggang, sate, dll); **2.** kayu (tongkat dll) yg tirus hujungnya, pancang; *pak* ~ orang yg tidak penting peranannya (watak tambahan dlm lakonan pentas dll);

memacak mencucuk, menusuk: ~ *ikan*; ~ *hari* Kl menetapkan hari bulan;

memacakkan memasang pacak (pancang dll), memancangkan: *satu tiang yg tirus, panjangnya 1 meter dipacakkan di dlm air*; ~ *pancang*;

terpacak 1. telah dipacakkan, terpancang: *dicabutnya turus pagar yg ~ itu*; **2.** ki terdiri tegak, terpancang, terpaku: *ia melewati kedua-dua orang pengawal yg ~ spt tiang tiada bergerak-gerak itu; dia sudah nampak Bedah ~ di tepi pantai*; **3.** ki tepat: *dia mesti berada di Kelab Golf jam lima ~*.

pacak II biasa (mengerjakan sesuatu), cekap, mahir, pandai.

pacak III Mn recik, percik;

memacak-macak merecik-recik.

pacak IV Jw; **memacak** menjantani (ternakan) utk membiakkan keturunan yg baik;

pemacak binatang (lembu, kuda, dll) jantan yg dibela sbg baka (bibit).

pacal I 1. sl hamba kpd raja: *paduka anakandalah akan ayahanda harap memelihara ahli-ahli ayahanda serta memelihara ~ Bugis itu*; **2.** kata ganti nama diri pertama (apabila bercakap dgn raja dll), patik: *Tuanku terlalu baik kpd patik ~ yg hina papa ini; had itulah yg terbaca oleh ~ datuk.*

pacal II sj ikan laut, parang-parang, *Chirocentrus darab*.

pacang; memacang menunangkan;

pacangan tunangan.

pacar I; ~ *cina* = ~ *culam* sj tumbuhan (herba), culan, pokok telur belangkas, *Aglaiia odorata*; ~ *kuku* sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat pemerah kuku), inai, *Lawsonia inermis*;

berpacar = ~ *inai* Br, Sr berinai.

pacar II; *tikar* ~ = **pacaran** tikar yg berlapis-lapis dan berwarna (utk raja dan orang-orang besar).

pacar III Jk kekasih;

berpacaran menjalin hubungan cinta atau kasih dgn teman lelaki atau wanita: *dia terkejut apabila mengetahui anaknya ~ dgn warga asing; gadis berkenaan dilarang ~ selagi dia menjadi anggota kumpulan penari itu*;

berpacar-pacaran berseronok-seronokan, berkasih-kasih.

pacat I sj binatang yg menghisap darah (sj lintah di darat), *Haemadipsa javanica*; ~ *besar* ark = ~ *melompat* ki penghisap darah (orang yg meminjamkan wang dgn mengambil bunga yg terlalu banyak),

lintah darat; ~ *kenyang* a) besar di tengah (badan dll); b) = *cincin* ~ *kenyang* cincin yg besar dan tebal pd satu bahagian (dipakai utk melindungi jari sewaktu memegang keris);

~ *hendak menjadi ular sawa* prb a) perihal orang yg hina (miskin) berlagak spt orang yg mulia (kaya); b) berangan-angankan sesuatu yg tidak mungkin tercapai; *spt* ~ *melompat* prb lintah darat; *spt* ~ (*kenyang*) prb perihal orang yg setelah habis makan di rumah orang lalu pergi dgn tidak menunggu-nunggu dahulu.

pacat II; *burung* ~ a) sj burung, burung kubung, burung lah, *Pitta brachyuna cyanoptera*; b) sj burung, *Pitta c. caerulea*.

pacat III; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok renek), kayu ribu, pokok kancil, rambai ayam, *Anisophyllea disticha*.

pacau 1. sj azimat yg digantungkan di pokok (utk mengelakkan buahnya drpd dicuri orang); **2.** benda yg busuk baunya (digunakan utk menakutkan burung datang ke tanaman); **3.** periuk yg diberi berbintik-bintik dgn kapur utk menakutkan burung dll drpd merosakkan tanaman.

pacek (Sunda); **memacek 1.** masuk ke dlm tanah; **2.** menjantani (binatang ternakan);

pemacek binatang jantan yg digunakan utk membiakkan keturunan; *kuda* ~ kuda jantan yg digunakan utk membiakkan keturunan.

paceklik Jw musim kekurangan bahan makanan.

paceri → **pajeri**.

pacih, pacis sj permainan spt dam.

pacing Tr gusti lengan: *tangan dia terseliuh kerana* ~ dgn Pak Mat.

pacu 1. besi tajam atau bulat bergigi-gigi yg dilekatkan pd tumit kasut (dipakai utk mempercepatkan kuda berlari); **2.** (Komp) tindakan menggerakkan atau melaksanakan perisian atau perkakasan; **3.**

(Komp) tindakan menyalurkan data atau isyarat dr satu titik ke titik yg lain;

berpacu **1.** ada pacunya, memakai pacu; **2.** digertak dgn pacu supaya berlari deras; **3.** berlumba lari dll; ~ *kuda* berlumba kuda;

memacu **1.** menggesa (kuda) dgn menusukkan pacu supaya berlari deras: *maka Arung Lenga pun ~ kudanya*; **2.** ki melarikan deras-deras (kereta dll): *dipacunya motosikalnya dgn laju*; **3.** = **memacukan** memperlumbakan; **4.** menggerakkan sesuatu kegiatan (ekonomi, pembangunan dsb) dgn lebih cepat atau pesat, memesatkan: *beberapa strategi utk ~ pertumbuhan ekonomi negara; mereka berjaya menggunakan pengetahuan dan pengalaman utk ~ perniagaan masing-masing*;

pacuan **1.** perlumbaan (kuda, sapi, dll); *anak ~ penunggang kuda lumba, joki; kuda ~ kuda lumba*; **2.** tempat atau padang perlumbaan (kuda dll); **3.** yg dipacu oleh: *kenderaan ~ empat roda; ~ empat roda* sistem kenderaan bermotor yg keempat-empat rodanya berkuasa menggerakkan kenderaan;

pemacuan perihal (proses, perbuatan, tindakan dsb) memacu: *penguasaan teknologi maklumat serta ~ pertumbuhan ekonomi negara; ~ kuda*;

pemacu **1.** faktor (unsur dsb) yg memacu (memesatkan sesuatu kegiatan, pembangunan dsb): *hasrat kerajaan utk menjadikan pertanian sbg salah satu ~ ekonomi negara; syarikat itu diiktiraf sbg kuasa ~ yg membawa banyak kemajuan teknologi*; **2.** (Komp) perkakasan atau perisian yg menggerakkan perkakasan atau perisian lain: *jika anda ingin menggunakan ~ B komputer ini, anda mesti memasukkan disket ke dalamnya; ~ cakera* peranti perisian ingatan komputer yg digunakan utk menyimpan dan mendapatkan kembali data pd cakera.

pacuk I; memacuk mematuk dgn paruh, memagut: *kemudian dr itu seekor burung, abeni namanya, ~ seekor ular besar.*

pacuk II tabung atau bekas air dll drpd buluh, bacuk.

pacul I cangkul;

memacul mencangkul: *sawah yg dipaculnya itu sudah bukan kepunyaannya.*

pacul II; memacul memicit atau menekan (buah-buahan, bisul, dll) supaya keluar isinya;

terpacul 1. terkeluar (isi dr kulitnya dll), tersembul, tersersil; **2.** keluar (timbul) dgn tiba-tiba, terjengul: *setelah orang yg berada di bilik mandi itu pergi, Abd Fakar akan ~ semula.*

pad 1. helaian kertas yg diikat sekali pd satu hujung: ~ *tulis*; **2.** bahan lembut (span) yg memberi perlindungan bentuk kpd sesuatu: ~ *kasa; kot itu ada ~ pd bahunya*; **3.** pelapik utk melindungi bahagian tertentu pd badan: ~ *lutut*; **4.** kepingan logam yg rata yg digunakan utk mengapit cakera brek.

pada I 1. kata sendi nama yg bererti di: ~ *bulan Januari; dlm ~ itu sementara (sambil) itu*; **2.** kata sendi nama yg bererti terhadap: *Bang Uda marah tak ~ Ida?* **3.** dalam, menurut, mengikut: ~ *fikirannya; ~ hatinya; ~ sangkanya*; **4.** buat, bagi: *~nya dunia ini bukan tempat mencari kesusahan*; **5.** sl akan, untuk: *bab ~ menyatakan*; **6.** dari, daripada: ~ *bercerai mahulah mati; ~ jadi Komunis biarlah dia mati.*

pada II 1. tidak kurang dan tidak lebih, cukup: *kaum kita hidup ~ dgn sesuap nasi*; **2.** berasa puas (senang), berasa cukup: *hatinya belum ~;*

asal ada kecil pun ~ prb asalkan ada, tidak banyak, sedikit pun cukuplah;

berpada mencukupi: *dlm keadaan serba sederhana dan ~;*

berpada-pada 1. elok-elok cukup, tidak berlebih-lebihan: *amatlah sukar hendak menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu ~ atau melebihi batasan-batasan yg dihadkan*; 2. agak cukup (walaupun tidak banyak), lumayan, sedang;

memadai mencukupi, dapat mengisi atau memenuhi (kehendak, peraturan, dll): *rang undang-undang ini ~lah diluluskan oleh Dewan Rakyat; makanan semata-mata tidak ~*;

memada-memadai membuat seelok-elok cukup sahaja;

memadakan 1. menjadikan pada, menganggap pada: *apabila malam dipadankanlah tidur bertikar*; 2. membiarkan, mendinginkan: *orang tua mahulah sabar dan ~ kelakuan orang muda*; 3. menjadikan puas, memuaskan: *~ hati*;

terpada; *tak* ~ tidak boleh ditandingi, terlalu sangat.

pada III sama-sama, ramai-ramai (melakukan sesuatu): *ibu-ibu itu ~ duduk mengobrol; mereka ~ berebut minta makanan; burung-burung sudah ~ resah menunggu*.

pada IV sl 1. ark kaki; 2. tempat (dlm kata majmuk): *maya ~, marca ~*.

padah I = **padahan** alamat atau tanda (sesuatu kejadian yg akan berlaku).

padah II Mn = **padahan** akibat, imbangan, balasan: *sekiranya tergelincir nescaya cedera ~nya; perbuatan ini buruk ~nya*.

padah III; **memadah** menjemput: *Pak Mat telah ditugaskan utk ~ semua orang kampung itu*.

padahal sebetulnya, sebenarnya, sedangkan: *mengapa ia mesti jadi begitu susah ~ ayah dan ibunya orang yg berada*.

padak Jw tambak tempat membuat garam.

padaka sl → **pedaka I**.

padam I 1. tidak bernyala, tidak bersinar, tidak hidup (api, lampu, dll), mati: *lampu-lampu rumah buruh ~ satu-satu; api yg meliuk-liuk*

lemah itu ~; **2.** tenang semula (kemarahan, keinginan, semangat, dll), tidak bergelora lagi; *tidak kunjung ~* tidak reda-reda (terus bergelora); **3.** tidak berkecamuk lagi (pertempuran dll), reda, tenteram; **4.** sudah hilang dahaga, hilang (hapus) atau luput sesuatu: *rindunya tidak pernah ~*; *~ nyawa (hayat) mati*; *di mana api ~*, *di sanalah puntung tercampak = ~ nyala tarik puntung* prb di mana mati di situlah dikuburkan;

memadamkan **1.** mematikan (api dll): *~ api*; *lampu hendak kaupadamkan*; **2.** menghilangkan (perasaan, keinginan, semangat, dll), menenangkan: *~ berahi*; *~ sekali segala harapan*; **3.** meredakan, menenteramkan (kekacauan dll); **4.** menghilangkan dahaga; **5.** menghilangkan, melenyapkan: *angin sejuk itu tidak dapat ~ titik-titik keringat di dahinya*; *~ tulisan*;

kepadaman **1.** perihal padam: *~ lampu itu dgn sendirinya membuat aku berfikir tentang kematian*; **2.** mengalami sesuatu sebab padam;

pemadaman perbuatan memadamkan;

pemadam **1.** = *~ api* alat utk memadamkan api (kebakaran); **2.** alat utk memadamkan tulisan di papan hitam dsb; *getah ~* getah utk memadamkan tulisan.

padam II; *merah ~* merah spt bunga padma (bkn muka ketika marah).

padan I **1.** banding, imbangan, lawan, tanding, tara: *lawan itu bukan ~nya*; *sama ~* seimbang; **2.** cocok, sesuai, patut, sama: *pakaian baru yg ~ dgn bentuk badannya*; *banyak lagi orang muda yg ~ menjadi suaminya*; *~lah engkau dipilih menjadi ketua*; **3.** dapat dipakai (bkn pakaian spt baju, seluar, dsb), muat: *baju yg baru dibelinya itu kecil, tidak ~ dengannya*;

sepadan kena benar (keadaannya, ukurannya, rupanya, dll), secocok, berpatutan, seimbang, setimpal, sesuai: *kalau Salehah*

dijodohkan dgn Salehin sepupunya itu, ~ benar; cubaan besar yg menimpa dirinya, belum ~ dgn kekuatan jiwanya;

kesepadanan keadaan sepadan: *adanya ~ skema dgn perwakilannya;*

berpadan **1.** sepadan (dgn), sesuai (dgn): *kekuatan peribadinya ~ dgn rupa lahirnya; 2.* bermuafakat, bermesyuarat, berunding: *maka Pak Si Molong pun ~lah dgn juara Raja Jalan itu; setelah sudah ~, maka hayam pun dibalang oranglah;*

berpadanan **1.** padan atau kena antara satu sama lain: *khusus utk mereka yg gemar mengenakan barang perhiasan yg ~, dihasilkan barang-barang kemas yg lengkap dgn jamnya; 2.* berpadan (dgn): *badannya agak gempal ~ dgn rupa orang yg tengah naik;*

memadan memperbandingkan dua benda atau lebih (utk melihat persamaannya, perbezaannya, dll): *maka juaranya pun pergilah ~ ayam kpd juara yg di gelanggang itu; tidak ~-madan tidak mengira-ngira, tidak mengagak-agak atau menimbang-nimbang (kesesuaian diri sendiri, hati orang, dll);*

memadankan **1.** menjadikan padan (dgn sesuatu yg lain), menyesuaikan, menyelaraskan: *~ dirinya utk menerima segala perubahan; yg lelakinya pula berbaju blazer atau T-shirt yg dipadankan dgn seluar panjang; 2.* membandingkan (utk mengetahui sesuai atau tidaknya dll): *memadan-madankan gadis itu dgn anaknya; 3.* memberikan (membentuk dsb) sesuatu yg menjadi persamaan bagi sesuatu yg lain, memberikan padanan kpd sesuatu: *percubaan utk ~ satu imbuhan Inggeris dan satu imbuhan bahasa Malaysia itu terlalu kuat pengaruhnya;*

padanan **1.** bandingan,imbangan, persamaan, keadaan seimbang: *cita-citanya ialah membuat projeksi drpd kenyataan-kenyataan yg dilihatnya, ia ingin membuat ~ dr alam di sekitarnya; 2.* perihal

padan, persesuaian, persamaan: *uji ~ benang itu dgn nat*; **3.** = ~
kata kata atau rangkai kata dlm sesuatu bahasa yg sama maknanya
dgn kata atau rangkai kata dlm suatu bahasa yg lain: kamus ini
memberikan ~ bahasa Malaysia bagi perkataan, rangkai kata dan
ungkapan bahasa Inggeris;

pemadanan perihal memadankan sesuatu, penyesuaian,
perbandingan: ~ *konsep yg wujud dlm fikiran dgn penyataannya*
yg diterbitkan dlm bentuk kata;

pemadan sesuatu yg memadan(kan); *garisan ~ garisan (pd kain*
jahitan) tempat dijahit.

padan II had atau tempat melempar batu (damar, guli, dll) dlm
permainan, sempadan.

padan III Mn janji;

berpadan berjanji.

padan IV Jk curang (dlm permainan dll).

padang 1. tanah yg lapang, lapangan; ~ *bola* padang tempat bermain
bola sepak; ~ *belantara* = ~ *gurun* = ~ *tiah* tanah luas yg tidak
dikerjakan; ~ *jarak* = ~ *tekukur* padang atau tanah luas yg
ditinggalkan (tidak dikerjakan); ~ *(kapal) terbang* lapangan
terbang; ~ *mahsyar* padang tempat berkumpul pd hari kiamat; ~
minyak tanah luas yg ada minyak tanah di dlmnya; ~ *pasir* tanah
pasir yg sangat luas; ~ *ragut* = ~ *rumpun ternak* kawasan tanah yg
ditumbuhi rumput dan tumbuh-tumbuhan serupa yg sesuai utk
diragut oleh binatang ternakan spt lembu dan biri-biri; ~ *rumpun*
padang yg ditumbuhi rumput; ~ *tandus* padang yg tidak ditumbuhi
tumbuh-tumbuhan; ~ *tembak* padang tempat berlatih menembak; ~
usaha lapangan atau lingkungan pekerjaan; **2.** Kd sawah, bendang;
~ *perahu di lautan*, ~ *hati di fikiran* prb a) demikian luas hati itu,
berapa banyak pun fikiran masuk di dalamnya; b) fikirkan

sungguh-sungguh sebelum melakukan sesuatu menurut kehendak hati; *di ~ orang berlari, di ~ sendiri berjingkat* prb suka menerima hak orang sahaja tetapi tidak memberi hak sendiri; *lain ~ lain belalangnya, (lain lubuk lain ikannya)* prb lain negeri lain adat resamnya; *tersesak ~ ke rimba* prb habis ikhtiar (akal) hingga tidak ada daya upaya lagi;

berpadang mempunyai padang, ada padangnya;

diberi ~ luas prb diberi kebebasan utk memilih apa kehendaknya; *orang menebus ~ senang, orang diberi beroleh sahaja* prb sesuatu yg telah menjadi hak milik kita boleh dibahagikan sesuka hati.

padas Jw lapisan tanah yg keras, cadas.

padasan sj tempayan besar tempat air sembahyang.

padat **1.** penuh dan rapat sekali (isinya, kandungannya, susunannya, dll), padu, pejal, tumpat: *tanah tidaklah ~ spt batu, tetapi peroi dan berliang-liang; gas itu dipam ~-~ ke dlm silinder besi waja yg tebal; 2.* penuh, sesak, berasak-asak: *restoran-restoran mereka ~ dgn makanan yg baik-baik; ~ spt ikan sardin dlm tin; 3.* banyak sekali penduduk (daerah dll); **4.** banyak isinya (bkn karangan, ucapan, dll), berisi, bernas; *bahasa jurnalistik lebih ~ dan tepat; 5.* Id pejal (tidak cair atau spt gas): *air kalau didinginkan menjadi ~;*

memadat menghempap-hempap (memijak-mijak, mengasak-asak) hingga padat: *~ perut* (memberi) makan kenyang-kenyang;

memadati **1.** memenuhi hingga padat: *gulungan-gulungan kertas ~ almari yg kecil; 2.* mengisi (mengasak, menyumbat) sesuatu (guni dll) hingga padat;

memadatkan **1.** mengisi atau mengasak sesuatu (spt guni dll) hingga padat; **2.** mengisikan sesuatu hingga padat: *bas yg satu pertiga besarnya drpd ukuran bas di Kuala Lumpur sentiasa ~ penumpang sekali ganda drpd yg telah ditetapkan; 3.* menjadikan

padat, memampatkan, memejalkan: *padatkan tanah dlm silinder itu dgn mengetuk-ngetuk*; ~ *air dgn mendinginkannya*;

padatan **1.** Id pejal; **2.** perihal padat (penduduk dll);

kepadatan **1.** perihal padat; **2.** terlalu ramai atau penuh sesak (dgn penduduk): *daerah-daerah yg ~*;

pemadatan perbuatan memadatkan: *Robert Boyle ialah orang yg pertama mempelajari ~ gas*.

padau; *layar* ~ layar yg dipasang tatkala ribut turun.

paderi orang Kristian (terutama lelaki) yg dilantik khas utk mengendalikan perkara-perkara yg berkaitan dgn agama Kristian (di gereja dsb); ~ *tentera* paderi yg kerjanya menjaga keselamatan jiwa askar-askar Katolik.

padi I **1.** sj tumbuhan (rumput yg buahnya dijadikan beras), *Oryza spp.*;

2. buah pokok padi;

~ *bendang (paya, sawah)* padi yg ditanam di tempat yg berair; ~

berat (dalam, lambat) padi yg lama baru berbuah, padi yg lambat

berbuah; ~ *berdukung* padi yg kembar buahnya dan dianggap

bertuah; ~ *bibit* padi yg bakal disemai; ~ *bukit (gogo, huma,*

ladang) padi yg ditanam di tempat yg tidak berair; ~ *burung* sj

tumbuhan (rumput) yg biasanya tumbuh di sawah, *Echinochloa*

crusgalli; ~ *cerai* padi yg cepat berbuah dan kecil-kecil buahnya;

~ *kernap* padi semaian utk menggantikan pokok yg mati; ~ *ketam*

padi pulut; ~ *kunca* peminjaman wang oleh petani dgn perjanjian

akan dibayar dgn padi apabila masak nanti; ~ *lekas (radin, ringan)*

padi yg cepat berbuah; ~ *Mahsuri* sj padi kacukan (antara padi dr

Taiwan dgn padi dr Kedah) yg menghasilkan tanaman dua kali

setahun; ~ *Malinja* sj padi kacukan (antara padi Malaysia, India

dan Jepun) yg menghasilkan biji padi yg besar; ~ *pulut (sipulut)*

padi yg berasnya melekat-lekat (biasanya dibuat penganan dll); ~

rambai Kd sj padi yg panjang, berwarna putih (tidak lagi ditanam sekarang); ~ *usang* a) padi yg lama tersimpan; b) Kl orang tua yg berpengalaman banyak;

~ *dikebat dgn daunnya* prb mengusahakan sesuatu tidak dgn modal lain tetapi dgn bahagian usaha itu jua; ~ *masak jagung mengupih* prb keuntungan yg diperoleh dgn berlipat ganda; ~ *segenggam dgn senang hati, lebih baik drpd ~ selumbang dgn bersusah hati* prb kesenangan hati lebih berharga drpd kekayaan; ~ *sekepek hampa, emas spt loyang, kerbau sekandang jalang* prb perihal seseorang yg nampaknya kaya tetapi sebenarnya miskin; ~ *selumbang dimakan orang banyak* prb hiburan kpd isteri drpd seorang suami yg beristeri lebih drpd satu; ~ *setangkai bernas semuanya* prb keluarga yg bahagia dan beruntung semuanya; *baik membawa resmi ~, jangan membawa resmi lalang = spt buah ~, makin berisi makin rendah, jangan spt lalang, makin lama makin tinggi = spt ilmu ~ kian berisi kian runduk* prb semakin berilmu atau tinggi pangkat semakin merendahkan diri (tidak sombong); *bukan tanahnya menjadi ~* prb bukan tampannya akan jadi orang baik-baik; *jika ada ~, tentu ada hampanya = jika ada ~ berhampalah, jika ada hati berasalah* prb siapa yg berasa tersindir, dialah yg berbuat sbg yg disindirkan itu; *jika kasih akan ~, buangkanlah akan rumput* prb jika kasihkan anak isteri berhentikanlah drpd mengasihi orang lain; *menyisip ~ dgn bilalang (lalang)* prb mencampurkan yg baik dgn yg jahat, akhirnya musnahlah yg baik itu; *spt ~ hampa, makin lama makin mencongak* prb orang sombong yg tidak berilmu, makin lama semakin tinggi cakupannya; *tak ada ~ yg bernas setangkai* prb tidak ada sesuatu yg sempurna segala-galanya;

berpadi **1.** mempunyai padi; **2.** bertanam (bersawah, berladang) padi; *musim beremas kemas, ~ menjadi* prb orang berharta dapat mencapai apa yg dikehendakinya;

padi-padian segala tumbuhan (rumput) jenis padi.

padi II (utk menyatakan) kecil atau yg kecil: *cili (lada) ~; lempoyang ~;*

sepadi sedikit: *tak ~ pun yg ada.*

padian Br perempuan yg berjaja (biasanya makanan) dgn menggunakan perahu.

padma bunga teratai (seroja, telepok).

padol Kl peduli.

padpinder IB, bp pandu.

padsyah (Parsi) raja, syah.

padu **1.** mampat, padat, pejal, tumpat: *~ spt batu dan besi; roti mudah dihancurkan di dlm tubuh kerana ia tidak ~;* **2.** telah bergaul (bercampur, bergabung) dan menjadi satu benar, sehati: *anak sekolah, guru, buruh dan saudagar ~ dlm satu perarakan; bersatu ~ bersatu benar-benar;* **3.** ki kukuh (teguh, utuh) dan kuat: *kesatuan yg ~;*

sepadu sehati, terserap, berjalin: *ada lebih kurang 800 kata Sanskrit yg kekal ~ dgn kata-kata Melayu sekarang; pembangunan material dan spiritual hendaklah ~;*

bersepadu berkaitan erat (tidak terpisah-pisah) berjalin, bertahan erat (antara pelbagai unsurnya dsb): *pembangunan secara ~ ini diharap dapat mewujudkan kesatuan sosial; mempunyai asas sumber asli yg ~ dgn struktur perindustrian;*

menyepadukan menjadikan sepadu atau bersepadu: *kesemuanya telah dicampur aduk dan disepadukan sehingga wujud satu keseimbangan atau tahap persamaan yg utuh dan berfungsi;*

tersepadu telah bersepadu: *ini bermakna kaum bumiputera akan ~ dlm perkembangan ekonomi negara menjelang tahun 2020;*

kesepaduan keadaan bersepadu, perihal bersepadu menjadi kesatuan yg utuh; *malahan ~ komuniti itu diasaskan pd pertalian kekeluargaan;*

persepaduan perihal bersepadu (bangsa, masyarakat, dsb);

penyepaduan proses menyepadukan, penyebatian;

penyepadu orang, unsur, pihak dsb yg menyepadukan: *syarikat itu merupakan syarikat ~ sistem yg terkemuka di negara ini;*

berpadu **1.** bercampur menjadi satu, menjadi sehati: *ketiga-tiga buah kesatuan itu telah ~ menjadi satu; zat besi mudah ~ dgn oksigen;* **2.** bercampur, bergaul: *senyum dan tangis ~ menyambut kepulangannya;* **3.** menjadi beku dan keras (darah dll); **4.** teguh (kukuh, utuh) dan kuat kerana sudah bersatu;

~ *padan* a) bergaul (bergabung, bercampur) dan menjadi satu benar; b) bermuafakat, bermesyuarat, berunding, memadankan (menyesuaikan) fikiran; ~ *suara* a) berduet; b) ki menjadi satu, berbaur: *angin laut dan desir ombak ~ suara;*

memadu **1.** melebur (emas); **2.** melebur dan mencampurkan supaya bersatu (berbagai-bagai jenis logam); **3.** mengikat (janji dll), menguatkan, mengukuhkan: ~ *janji; kata sudah dipadu; negara-negara yg tidak memihak ~ tenaga utk memperkuat pengaruh mereka;* **4.** membandingkan, menyesuaikan, mencocokkan, memadankan; ~ *pendapat* mencocokkan pendapat; ~ *hati* menyatukan hati (kasih dll); ~ *satu* = **menyatupadukan** menjadikan bersatu padu, menyatukan sungguh-sungguh;

memadukan menjadikan padu, menggabungkan supaya menjadi satu, mencampurkan, menyatukan: ~ *fahaman semua manusia;*

memperpadukan menjadikan berpaduan: *manusia berjaya ~ bahan-bahan asas ini menjadi satu bahan baru;*

terpadu sudah dipadu (digabungkan, disatukan, dll), tergabung;

paduan **1.** apa yg telah dipadu, sesuatu yg telah disatukan (digabungkan dll): *~ suara;* **2.** persesuaian, kecocokan;

kepaduan kesatuan (pendapat, cita-cita, dll), kemufakatan;

perpaduan **1.** penggabungan, peleburan; **2.** persesuaian, kecocokan; **3.** perihal berpadu (bergabung menjadi satu, sepakat, dll), persatuan: *bahasa dan sastera adalah alat utk ~ kebangsaan; bahasa Melayu sbg bahasa yg boleh menjadi penggerak ke arah mencapai ~ nasional;*

pemaduan **1.** perbuatan memadu(kan), penggabungan (peleburan dll) menjadi satu: *air boleh dibuat melalui ~ hidrogen dan oksigen;* **2.** persesuaian, kecocokan;

pemadu sesuatu yg memadukan: *kuasa ~.*

paduk garisan (had, batas) tempat permulaan (melempar dll) dlm permainan.

paduka **1.** sl kasut, sepatu; **2.** panggilan kpd sultan dan raja: *Seri P~ Baginda Yang di-Pertuan Agong;* **3.** panggilan kpd orang yg dimuliakan: *surat ~ ayahanda sudah anakanda terima;* **4.** gelaran orang yg berpangkat (mulia-mulia dll): *Bendahara P~ Raja; Dato' P~; Imam P~ Tuan.*

padung I bahagian yg menganjur (pucuk dll) drpd batang pokok yg menjalar.

padung II; *burung ~* burung enggang.

padung III Sr loteng.

padusi Mn perempuan, isteri.

paduta naib duta.

paesan (paésan) Jw hiasan pd dahi pengantin perempuan.

paf I pastri yg biasanya berisi inti krim, jem dsb: ~ *krim*.

paf II; ~ *bedak* kepingan kain, span dsb yg lembut utk menyapu bedak pd muka.

pagai; *nyiur* ~ sj kelapa yg rendah pokoknya, nyiur puyuh.

pagan I tegap (badan dll), teguh, kukuh, kuat: *pemuda yg --- dan tabah hati*.

pagan II orang yg tidak percaya pd sebarang agama utama, spt Islam, Kristian, atau Yahudi.

pagar I 1. sesuatu yg dibuat utk membatasi (menyekat, mendinding)

kawasan rumah (kebun dll): ~ *besi*; ~ *buluh*; ~ *dawai (kawat)*;

turus ~ tiang pagar; **2.** sesuatu yg serupa pagar; ~ *bulan*

lingkungan di sekeliling bulan, kandang bulan;

~ *desa* orang yg membantu penjaga keamanan desa di Jawa Barat;

~ *duri* pagar drpd dawai berduri; ~ *hidup* pagar drpd pokok-pokok

kecil; ~ *musang (sasak, tenggalung)* pagar pd buritan perahu; ~

sua pagar yg menyekat dua ekor kerbau yg akan diadu;

~ *makan padi (tanaman)* prb orang yg dipercayai utk menjaga

sesuatu, dia pula yg mengkhianati kita; *bagai melompati* ~ *tiga*

hasta, akan dilompati rendah, akan dilangkahi tinggi prb keadaan

atau pertolongan yg tidak kurang tetapi tidak pula mencukupi

(serba tanggung);

berpagar mempunyai sesuatu sbg pagar: *kebun yg tidak* ~;

berpagarkan mempunyai sesuatu sbg pagar: *jalan itu* ~ *pohon ru*;

memagar 1. membuat pagar, memasang pagar: *pohon-pohon*

mempelam dlm kebun itu dipagar berkeliling dgn besi; **2.**

menyerupai pagar;

~ *diri* menjaga diri; ~ *diri bagai aur* prb Mn menjaga dan

memikirkan dirinya anak-beranak sahaja (tidak mempedulikan

orang lain);

memagari **1.** membuat atau mendirikan pagar pd (di sekeliling): *kebun itu dipagari dgn kawat berduri*; **2.** berada (terletak, berdiri, dsb) di sekeliling atau melingkari sesuatu, mengelilingi, melingkungi: *tasik-tasiknya dipagari oleh pohon-pohon rendang serta rumpun-rumpun bunga yg berwarna-warni; penonton yg sedang ~ medan permainan itu*; **3.** ki menghalangi (drpd kejahatan, bahaya, dll), melindungi, mendindingi;

memagarkan **1.** menggunakan sesuatu sbg pagar; **2.** membuat pagar (pd), mendirikan (memasang) pagar pd;

pemagaran proses (perbuatan, tindakan dsb) mendirikan (membuat atau memasang) pagar pd atau di sesuatu tempat (sempadan, kawasan dsb): *kerja ~ dusun buah-buahannya itu baru sahaja selesai*;

pagaran pagar.

pagar II; ~ *anak betina (hitam, merah)* sj tumbuhan (pokok kecil), bunga meragung, jenjagung, *Ixonanthes icosandra*.

pagas ark; **memagas** memangkas, memenggal.

pageri serban orang Hindustan.

pagi waktu selepas matahari terbit (kira-kira dr pukul enam hingga pukul sepuluh): *sarapan ~; ia pergi ~ tadi*; ~ *petang* tiap-tiap pagi dan petang;

usahlah teman dimandikan ~ prb janganlah dipermainkan dgn pujian yg berlebih-lebihan;

sepagi, sepagian sepanjang (seluruh) pagi: ~ *itu, sesudah kejadian malam itu, tidak demikian lakunya*;

pagi-pagi **1.** pagi benar (kira-kira pukul enam), pagi sekali: ~ *ia pergi ke pasar*; **2.** terdahulu drpd waktunya, awal lagi: *pergilah ~ supaya tentu dapat bas*; ~ *buta (hitam)* pagi-pagi sekali;

kepagian **1.** terlalu pagi, pagi benar; **2.** terlalu awal.

pagina IB muka (buku dll), halaman.

pagoda kuil (terutamanya Buddha dan Hindu) yg berbentuk menara bertingkat-tingkat yg di setiap keliling tingkatnya terdapat bumbung hiasan.

pagu Mn **1.** para dapur; *arang* ~ arang para, jelaga; **2.** loteng, loteng tempat menyimpan barang.

pagun Mn pagan, kuat, kukuh, teguh.

pagut I; memagut mematuk (ular, burung, dll), mencatuk;

pagutan perbuatan memagut, patukan.

pagut II Mn; **berpagut;** ~ *lutut* berpeluk (berdakap) lutut, tidak membuat kerja apa-apa;

memagut 1. memeluk, mendakap: *dia menangis tersedu-sedu sambil ~ bantal gulingnya;* **2.** ki mengelubungi, menyelubungi: *keseريان terus juga ~ ; di kala senja ~ bumi;*

pagutan pelukan, dakapan: *lama sekali kepala yg mongel itu dlm ~nya;*

sepemagutan sepemeluk.

pah I 1. Pr nenek; **2.** Id, bp pak, bapak.

pah II IB pajak; → **pak IV.**

paha I 1. bahagian kaki manusia di antara lutut dan pinggul; **2.** bahagian kaki belakang binatang-binatang tertentu di antara lutut dan pinggul; **3.** sl perempat, suku; *se~* sesuku;

~ *belalang* a) paha yg kecil dan lurus; b) sj penyemat (pin) baju; c) spring, pegas; ~ *kek* bahagian kek (alat tenun) yg berat di sebelah bawah (tempat bahagian-bahagian kek lain dipasang);

bergendang ~ prb bergembira kerana orang lain mendapat kesusahan; *cubit* ~ *kanan*, ~ *kiri sakit juga* prb kiranya seseorang itu merosakkan kaum keluarganya sendiri, ia pun akan berasa juga

kesusahannya; *diberi betis hendak* ~ prb diberi sedikit, kemudian hendak banyak.

paha II Kl mata tenggala.

paha III; *burung* ~ *kelati* sj burung, *Dicrurus aeneus malayensis*.

pahala ganjaran drpd Tuhan (kerana berbuat baik), lwn dosa: *orang-orang yg bersedekah akan menerima* ~ *drpd Allah*; *berbuat* ~ *berbuat kebaikan*;

berpahala mempunyai pahala: *lebih baik mati segera dgn* ~ *drpd hidup lama bergelumang dosa*.

pahang I (Sunda) ark sj bau yg tidak sedap (spt bau daun pohon buah nona); *pahit* ~ pahit getir.

Pahang II negeri di tenggara Semenanjung, keluasan 35 965 km², Kuantan sbg ibu negeri, Darul Makmur.

pahar sj talam berkaki yg dibuat drpd gangsa atau tembaga (utk bekas makanan).

pahat I alat besi yg berbentuk bilah yg tajam hujungnya (utk menebuk lubang, mengukir kayu, dll); jenis-jenisnya: ~ *caku*, ~ *kuku*, ~ *mata bulat*, ~ *mata lintang*, ~ *putar*, dll;

~ *kuku* pahat yg matanya melengkung, digunakan utk membuat lurah dan ukiran biasa; ~ *pating* sj pahat yg tidak tajam; ~ *pelubang* pahat yg khusus digunakan utk menebuk lubang;

bagai ~, *tidak ditukul tidak makan* = *laksana* ~ *dgn penukul* prb orang yg hanya bekerja apabila diperintah (disuruh); *menciritkan* ~ prb sudah tua sangat (orang);

berpahat 1. sudah dipahat; **2.** berukir; *yg berbaris* yg ~, *yg bertakuk* yg *bertebang* prb Mn pekerjaan dilakukan mengikut adatnya (aturannya) yg biasa;

memahat 1. menebuk lubang dll dgn pahat; 2. mengukir, membuat patung dgn pahat: *di atas tugu itu semua nama pejuang yg gugur turut dipahat;*

~ *di dlm baris, berkata dlm pusaka* prb Mn mengerjakan sesuatu dgn aturannya (supaya selamat);

terpahat 1. telah diukir dgn pahat, terukir: *ukiran yg ~ di atasnya melambangkan kepercayaan animisme; tulisan yg ~ pd batu nisan itu mengandung dua rangkap puisi;* 2. ki terlekat, tercatat atau terakam seolah-olah telah dipahat pd sesuatu: *hasrat utk menulis novel tetap ~ di tangkai hatinya; bagi kaki pancing, nama Pulau Sembilan pasti ~ dlm ingatan mereka;*

pahatan sesuatu yg dipahat, hasil memahat, ukiran: *di sekolah seni ini kami menikmati lukisan dan ~ ramai seniman;*

pemahatan perbuatan (proses) memahat;

pemahat orang yg memahat (mengukir), pengukir, ahli seni pahat.

pahat II; *bulu* ~ bulu paku, bulu yg halus-halus pd burung.

pahi; *mata* ~ besi pd hujung mata bajak.

pahit I 1. rasa spt rasa hempedu: *terasa ~ sedikit minuman keras itu; mendapat kopi ~ a) mendapat kopi yg tidak bergula; b) kena marah;* 2. ki menyakitkan hati, menyusahkan hati (perasaan): *semua perkataannya ~ dan melukakan hati belaka; kenyataan yg ~;* 3. ki tidak senang, susah, sukar, payah: *betapa ~nya kehidupan orang-orang kampung;* 4. sukar utk ditanggung atau diterima: *peristiwa ~ yg diharungi mereka;*

~(-pahit) *darah* panjang umur; ~ *getir* = ~ *maung* = ~ *pahang* kesulitan atau kesusahan yg bermacam-macam; ~ *lejang* Kl pahit benar; ~ *meninggal* (*peninggal*) a) bagai melekat di tekak (rasa pahit); b) sesudah dimakan baru terasa pahit; c) kemudiannya baru ternampak (terbukti) ketidakjujurannya; ~ *peria* Kl buruk (keji)

tetapi berfaedah atau disukai; ~ *dahulu, manis kemudian* prb yg rumit (sulit dll) hendaklah dijelaskan atau dibincangkan dahulu (dlm perjanjian) supaya senang kemudiannya;

sepahit; ~ *semanis* bersama-sama menderita dan bersuka; ~-*pahit mambu, kelatnya menjadi ubat* prb perkataan yg keras tetapi mengandung pelajaran itu mendatangkan kebaikan;

berpahit-pahit **1.** bersusah payah, bersusah-susah, berpayah-payah: ~ *dahulu bermanis-manis kemudian*; **2.** berterus terang menyatakan sesuatu (yg buruk dan yg baik);

memahitkan menyebabkan pahit, menjadikan pahit;

kepahitan **1.** perihal pahit; **2.** ki kesusahan, kegetiran, penderitaan: *sama-sama kami mengalami ~ hidup*.

pahit II; *rumpun* ~ a) sj tumbuhan (rumpun) kerubung padi, rumput mentebung, *Cyrtococcum oxyphyllum*; b) sj tumbuhan (rumpun, rumput ala negeri, rumput kerbau, *Paspalum conjugatum*.

pahlawan orang yg gagah dan berani, pejuang yg gagah, perwira: ~ *tanah air*;

kepahlawanan perihal gagah berani (berani berjuang dll), keberanian, keperwiraan: *kita puja Rizal kerana semangat nasionalismenya dan ~nya*.

pahuk; **memahuk** memauk, menetak.

pai I **1.** makanan berupa pastri yg berintikan daging atau buah-buahan; ~ *kotej* (ERT) makanan drpd daging kisar yg dibakar dan diletakkan kentang lecek di atasnya; **2.** = *carta* ~ carta bulat yg terbahagi kpd beberapa bahagian yg masing-masing mewakili peratusan tertentu sesuatu satuan.

pai II; *belum* ~ belum lagi.

pain unit ukuran cecair yg bersamaan dgn 1/8 gelen atau lebih kurang 0.57 liter (Britain) dan 0.47 liter (A.S.).

paip **1.** pembuluh utk menyalurkan air (minyak, gas, dll), pipa: ~ *angin*;
2. = ~ *air* cerat pancuran air (utk orang awam dll), pili: *dibukanya ~ dan air pun terpancarlah*; **3.** a) alat drpd kayu dll utk menghisap tembakau, pipa; b) pembuluh (drpd kayu dll) penyambung rokok, pipa;

memaipkan membuat hiasan pd kek, biskut, dll dgn mengasak krim atau aising melalui sj bekas bermuncung: *dia~ aising di keliling kek itu*;

perpaipan (sistem, kerja dll) pemasangan paip: *sistem ~ air dan gas utk bangunan itu telah siap dipasang; bayaran itu tidak termasuk kos ~*.

pair I **1.** peronda atau penjaga keamanan di laut: *dialah yg menjadi suluh dan ~*; **2.** = *perahu ~* perahu yg meronda di laut (utk menjaga keamanan);

berpair-pair belayar pulang balik (utk menjaga keamanan di laut);

memair meronda dgn perahu (di laut): *maka titah Raja, "Kapitanlah kita suruh pair di laut"*;

memairi merondai atau mengawali (laut) dgn perahu (kapal);

pemair **1.** perahu (kapal) pair, kapal peronda; **2.** kapal penjajah.

pair II Id; ~ *jantung* gerakan jantung yg tidak betul.

pais sj lauk (drpd ikan dll yg ditaruh rempah-rempah) yg dimasak dlm bungkusan daun pisang, pepes;

memais membuat (memasak) pais: *Milah sibuk menumbuk lada utk ~ ikan selar*.

paja Mn budak.

pajah Br; **memajahkan** memadamkan (lampu).

pajak **1.** kuasa utk mengerjakan sesuatu dgn membayar sewa kpd kerajaan dll, pak; ~ *candu* a) kuasa utk menjual candu; b) tempat

menjual candu; **2.** Id cukai: ~ *bumi (tanah)*; ~ *pendapatan (penghasilan, pencarian)* cukai yg dikenakan pada pendapatan orang; **3.** kedai atau warung; **4.** sj gerai tempat menjual barang-barang (di pasar); ~ *ikan (sayur)* tempat ikan (sayur) dijual; ~ *gadai* a) kuasa utk membuka rumah gadai; b) = *rumah* ~ tempat menggadaikan barang-barang; ~ *judi* tempat berjudi; ~ *kepala* ark cukai yg dikenakan pada tiap seorang;

memajak **1.** mengerjakan sesuatu dgn membayar sewa kpd kerajaan dll, mengepak; **2.** menggadai: ~ *barang-barang emas*; **3.** menjual di pajak: *dia memanaskan susu lembu yg dipajaknya setiap pagi*;

memajaki membayar pajak utk;

memajakkan menyerahkan sesuatu hak kpd orang lain dgn menerima sewa: *baginda ~ kuasa memungut cukai di muara Sungai Perak kpd seorang Cina*;

pajakan kontrak (kuasa atau hak) yg membolehkan orang lain menggunakan atau menduduki tanah, bangunan dsb orang lain dlm tempoh masa dan dgn bayaran tertentu;

pemajakan proses memajak: ~ *daerah-daerah kpd Baron*;

pemajak orang yg memajak.

pajal Br; **memajal** memaksa.

pajan Kl; **memajan** mendenda.

pajang; **memajang** **1.** menghiasi (dgn berbagai-bagai bunga, daun, dll); **2.** = **memajangkan** Jk mempamerkan (mempertunjukkan) barang-barang dagangan dgn menyusunnya elok-elok: *isi dan pajangannya kurang menarik, biarpun dipajang secara komersil yg mengghairahkan*;

pajangan **1.** perhiasan (rumah dll); **2.** Jk barang-barang dagangan yg dipamerkan: *melihat-lihat etalase-etalase ~ yg mewah-mewah*;

3. Jk tempat mempamerkan barang-barang dagangan; 4. = **pemajangan** pelamin.

pajar → **paja**.

pajeri sj masakan yg terdiri drpd nanas, mangga, kedondong, dsb yg dimasak dgn rempah, santan dan kerisik.

paji Jk baji.

paju ark; **dipajukan** diajukan, dimajukan.

pajuh gelojoh, lahap, rakus;

memajuh memakan banyak-banyak dan dgn cepat-cepat, melahap.

pak I singkatan bagi bapak;

~ *alang (ngah)* bapa saudara yg tengah; ~ *belang* harimau; ~ *cik a*
~ *cu (usu)* bapa saudara yg termuda; b) panggilan kpd orang yg separuh umur; ~ *janggut a*) orang yg berjanggut; b) orang Benggali; *P~ Kaduk* orang yg malang kerana kebodohnya; ~ *long (tua, ua, wa)* bapa saudara yg tua sekali; ~ *mulung* tukang cerita dlm persembahan mekmulung yg turut sama melakonkan ceritanya dgn pelakon lain; ~ *na* Kl barua; ~ *pacak* orang yg tidak penting peranannya dlm sesuatu peristiwa (spt watak tambahan dlm lakonan pentas dll); *P~ Pandir* orang yg bodoh; ~ *pecocok* orang yg jahat (pencuri dll); ~ *sanggup a*) orang yg menyanggupi sebarang kerja yg diberikan; b) orang yg mengahwini perempuan yg sudah hamil; ~ *teh* bapa saudara (adik yg kelima atau keenam drpd ayah atau ibu); ~ *turut* orang yg tidak mempunyai pendirian sendiri (menurut orang lain sahaja).

pak II 1. peti atau kotak (dibuat drpd kayu) tempat barang; **2.** IB bungkus (tembakau, rokok, dll);

mengepak membungkus (membalut dll) barang-barang.

pak III IB pajak;

~ *temurun* Id pak (pajak) atas tanah yg berlanjutan turun-temurun;

mengepak 1. memajak; **2.** bp memborong;

mengepakkan menyerahkan atau memborong sesuatu dgn cara pak (pajak).

pak IV 1. ark pakatan (antara negara-negara dll), pakta, perjanjian; **2.** bp tempat hiburan (permainan, judi, dll).

pak V bp; ~ *kereta* kawasan tempat menyimpan (meletakkan) kereta.

paka; *puru* ~ sj penyakit kulit spt tokak, patik.

pakah I Kl pangkah (guli).

pakah II Br barangkali.

pakah III Kl, Tr disengat (tebuan, lebah, dll): *kepala orang itu bengkak kena* ~.

pakai 1. = **memakai:** *semua* ~ *baju tangan panjang; boleh* ~ *kasut; makan* ~; **2.** dgn cara, dgn jalan: *tiap-tiap kali ibunya membeli tidak* ~ *bayar, tetapi* ~ *tulis sahaja; ~ paksa sahaja;*

dipakai bp didengar (diberi perhatian): *teguranku tidak sedikit pun* ~*nya;*

berpakai 1. = **berpakai-pakai** (sedang) mengenakan pakaian: *kira-kira pukul lima petang, Rijnhaard telah berpakai-pakai;* **2.** Mn masih dijalankan (digunakan), masih terus berlaku;

memakai 1. mengenakan (meletakkan) pakaian dll: ~ *baju Melayu; ~ kasut;* **2.** menggunakan, melakukan sesuatu dgn: ~ *senjata; jalan bahasa spt yg dipakai oleh orang Melayu; ~ bau-bauan; ~ adat; ~ pembantu; ~ faham dengki-mendengki;* **3.** menjadikan sbg gundik: *perempuan-perempuan muda yg disukai oleh ketua-ketua lanun itu biasanya menjadi gundik atau dipakai oleh mereka;* **4.** menggunakan ilmu (azimat, tangkal, dsb) utk menjaga badan (diri dsb);

memakaikan 1. mengenakan baju dll pd: *ia telah dipakaikan pula baju dan seluar yg labuh dan besar;* **2.** menggunakan

(mempergunakan) pd: *diberinya sebilah keris yg bernama Tanjung Lada, maka dipakaikan oleh Apu itu kpd anaknya*; **3.** ark memakai;

terpakai 1. dipakai: *apa yg telah disebutkan tentang sistem otot dahulu ~ juga pd sistem saraf*; **2.** sudah dipakai: *wang yg ~ hanya sebahagian sahaja*;

pakaian 1. sesuatu yg dipakai (baju, seluar, kasut, dll); **2.** sesuatu yg biasa digunakan (dilakukan), amalan, kebiasaan: *mencarut, memaki, memanglah ~nya; silat pencak serta tipu peperangan ~ sekalian raja besar-besar*;

~ *adat* pakaian yg biasa dipakai pd waktu upacara yg beradat; ~ *angkatan* pakaian kebesaran (rasmi) yg lengkap; ~ *basahan* pakaian biasa yg dipakai hari-hari (utk bekerja dll); ~ *dunia (hidup)* adat kebiasaan dunia (hidup); ~ *kebesaran* pakaian yg dipakai pd majlis-majlis rasmi; ~ *kuda* alat perkakas atau abah-abah kuda (tali kekang dll); ~ *seragam* pakaian yg serupa (polis, tentera, dll); ~ *siap* pakaian yg dibuat mengikut ukuran standard dan bukan mengikut ukuran individu;

berpakaian 1. ada pakaiannya, memakai pakaian: *seorang muda ~ rapi*; **2.** mengenakan pakaian;

pemakaian 1. perihal (perbuatan, cara, dsb) memakai atau menggunakan, penggunaan: *berbagai-bagai perkara yg sering menimbulkan kekeliruan dr segi ~ dibincangkan secara terperinci*; ~ *bahasa*; ~ *pesawat jet*; **2.** ilmu (azimat, tangkal, dll) utk menjaga badan dll;

sepemakaian selengkap pakaian dll;

pemakai 1. (orang dll) yg memakai atau menggunakan: ~ *bahasa*; **2.** ilmu (azimat, tangkal, dll) utk menjaga badan dll; **3.** orang yg suka menghias diri: *dia tu memang ~ orangnya*.

pakal benda (tali, kulit kayu, dll) yg digunakan utk menutup celah-celah papan (perahu dll), gala-gala, gejala;

memakal menutup celah-celah papan (perahu dll) dgn pakal;

pemakal 1. alat yg digunakan utk memakal; **2.** orang yg memakal.

pakam makan sungguh-sungguh (bkn brek kereta dll); → **pakem I.**

pakan I benang tenun yg melintang (dlm kek), lwn benang lungsin;

berpakan mempunyai (memakai) pakan: *kain dibaja yg ~ emas; maka diambilnya kain raja yg ~ emas itu dipakainya;*

memakankan 1. memasukkan benang pakan pd kain yg ditenun;

2. menggunakan sesuatu sbg benang pakan pd tenunan;

pakanan barang apa yg dipakankan.

pakan II; ~ *jantan (kutang tanduk)* sj tumbuhan (pokok renek), setukal paya, susuh ayam, serian putih, *Kibara cantacea*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok renek), mempulih, mengkudu badak, serawas, tembusu paya, *Fragraea racemosa*; ~ *rimba* sj tumbuhan (pokok renek), keduduk gajah, lidah buaya, senduduk hutan, *Allomorpha malaccensis*.

pakan III Mn pekan.

pakan IV; *ubat* ~ ubat kebal.

pakanira Jw sl tuan, engkau: *jika ~ hendakkan pakai keris manira kuberikan.*

pakansi IB cuti, libur: *datanglah bulan Julai bulan ~ anak sekolah;*

berpakansi bercuti, berlibur.

pakar 1. ahli (mahir, pandai sekali) dlm sesuatu ilmu dll: *orang yg ~ ; 2.*

orang yg ahli (pandai sekali, mahir) dlm sesuatu ilmu dll: ~ *ekonomi; ~ kewangan; ~ tanaman; ~ runding* pakar (dlm sesuatu bidang atau ilmu pengetahuan) yg dirujuk atau dirunding utk melaksanakan atau menyelesaikan sesuatu;

kepakaran pengetahuan dan kemahiran seorang pakar.

pakaram Br menangkap ikan.

pakarangan Br, Sr perahu (utk menangkap ikan dll).

pakasi IB; *wang* ~ wang upah (bayaran) kpd pemeriksa.

pakat 1. muafakat, pembicaraan, perundingan: *Sabariah dan Mak Minah telah putus ~*; **2.** ark perjanjian;

sepakat setuju, sependirian, seia sekata: *saya ~ seratus peratus dgn Yahya; mereka hampir ~ mengatakan bahawa Aini sedang bertengkar; kata ~ persetujuan;*

bersepakat semuafakat, sepakat, setuju;

menyepakati menyetujui: *mereka mengandaikan bahawa tidak ada isu yg tidak dapat disepakati;*

kesepakatan perihal sepakat (semuafakat), persetujuan: *mesti diminta dahulu ~ kaum kerabat; Majlis Bahasa Indonesia dan Malaysia berjaya menghasilkan ~ utk mewujudkan keselarasan ejaan antara kedua-dua negara itu;*

persepakatan permuafakatan, persetujuan;

berpakat bermuafakat, berunding: *ada yg ~ akan pergi mandi-manda di pulau itu;*

memakati 1. memuafakati, menyetujui; **2.** menasihati;

pakatan 1. perjanjian: *~ keselamatan Asia*; **2.** persekutuan yg bermaksud jahat, komplot: *~ utk membunuh Presiden; ~ sulit*
pakatan antara dua pihak atau lebih utk melakukan sesuatu perbuatan dgn tujuan utk memudaratkan pihak ketiga, atau utk maksud yg tidak sah di sisi undang-undang, atau utk memperdayakan badan kehakiman atau kehakiman semu.

pakau I C sj permainan terup.

pakau II 1. kayu palang pd perigi (timba); **2.** kelim (drpd rotan dll) utk menguatkan sesuatu.

pakau III pemedang.

pakau IV Mn bingung, kacau, rusuh.

pakbon IB, bp kesatuan sekerja.

pakej (pakéj) **1.** tawaran (cadangan) yg dikemukakan terhadap sesuatu urusan niaga, perkhidmatan, dll dgn butiran lengkap (kos, bilangan hari, dsb) yg mesti diterima semuanya sbg suatu keseluruhan: ~ *percutian ke Pulau Langkawi*; **2.** (Komp) atur cara dan dokumen berkaitan yg membentuk suatu sistem perisian yg bersepadu; **mempakejkan** memasukkan tawaran (cadangan, perkhidmatan dsb) ke dlm satu pakej: *semua perkhidmatan terbabit dipakejkan ke dlm pakej tersebut.*

pakem I; **memakem** makan sungguh-sungguh atau erat-erat (bkn brek kereta dll); **pakam, pekam.**

pakem II Jw cerita wayang yg asli.

pakenira ark → **pakanira.**

paket (pakét) IB bungkusan yg dikirim melalui pos.

pakiderma **1.** (Bio) binatang mamalia yg besar dan berkulit tebal spt gajah dan badak sumbu; **2.** (Ubat) penebalan yg luar biasa pd kulit.

pakihi Ar kitab yg mengandungi hukum-hukum Islam; *ilmu* ~ ilmu tentang hukum-hukum Islam.

pakis sj tumbuhan, paku; *paku* ~ berbagai-bagai jenis paku.

pakma = *kembang* ~ sj tumbuhan (parasit yg bunganya dibuat ubat), *Rafflesia hasseltii.*

pak-pak; ~ *lang* sj permainan kanak-kanak, longlang burung jawa.

paksa I **1.** perbuatan memestikan (orang melakukan sesuatu dll); *kahwin* ~ kahwin tidak dgn suka hati sendiri (kerana desakan, ugutan, dll); *kerja* ~ kerja tidak dgn kemahuan sendiri (kerana hukuman); **2.** kekerasan, tekanan, dll; *dgn* ~ dgn kekerasan; **memaksa** memestikan (dilakukan sesuatu), menyuruh dgn paksa: *aku tidak ~ engkau mendengar nasihatku;*

memaksa-maksa meminta dgn sangat, mendesak;

memaksakan menyorongkan (menganjurkan, memberikan, dll):

pendapat yg baik tidak payah dipaksakan kpd orang;

terpaksa dipaksa, mesti, tidak boleh tidak: *mahu tidak mahu kami ~ bermalam di situ;*

paksaan **1.** paksa, desakan kuat, kekerasan: *~ utk bekerja bagi kepentingan kaum kapitalis tidak ada; tiga setengah tahun lamanya kita menderita ~ dan kekejaman Jepun;* **2.** yg dipaksa;

keterpaksaan keadaan terpaksa: *~ Nila Utama membuang mahkota lambang kekuasaannya ke laut;*

pemaksaan perihal atau perbuatan memaksa: *ia membantah ~ terhadap dirinya;*

pemaksa orang atau benda yg memaksa.

paksa II sl masa (waktu, saat) yg baik, peluang (kesempatan) baik: *hari ini memang beta mendapat ~; sekali ini ~ tekukurlah mendapat padi rebah; angin ~ angin yg baik (utk belayar).*

paksa III ark bahagian sebelah kiri atau kanan, samping, sisi, belah.

paksi I **1.** puting (bahagian keris dll) yg masuk ke dlm hulunya; **2.** gandar (roda dll), poros: *~ bumi;* **3.** garis (benar atau khayali) yg padanya sesuatu objek dapat berputar atau yg padanya bentuk atau binaan sesuatu objek itu bersimetri;

~ optik (Fiz) garis yg menyambungkan pusat optik dan pusat kelengkungan suatu sistem kanta; ~ putaran (Fiz) garis yg padanya sesuatu jasad berputar, atau garis lurus yg merentasi titik putaran jasad yg pegun, sedangkan titik lain pd jasad itu bergerak dlm bulatan; ~ simetri (Mat) garis lurus yg membahagi sesuatu bentuk atau rajah kpd dua bahagian yg sama saiz dan bentuk;

berpaksikan ki berpegang pd, bertunjangkan: *umat Islam harus ~ akidah.*

paksi II sl sj burung: ~ *dewata*; ~ *jentayu*; **peksi**.

paksi III paku gasing; → **pangsi I**.

paksina sl utara: *arah ke ~*; *dr daksina ke ~*.

paku I 1. benda tajam biasanya drpd besi utk melekatkan papan dll, pasak besi; **2.** tanda pangkat (pegawai) pd bahu baju tentera (polis dll): *pegawai yg mempunyai dua ~ di bahunya*;

~ *Belanda* = *harga* ~ harga tetap (tidak dapat ditawar-tawar lagi);

~ *kembang* sj jemeki utk perhiasan pd kasut; ~ *payung* paku yg kepalanya besar dan pipih; ~ *pelir itik* skru; ~ *rebana* paku yg berkepala kuningan;

memulangkan ~ *buah keras* prb membangkitkan kembali perkara yg sudah lepas, menempelak; *mengata ke dulang* ~ *serpih* prb mencela perbuatan orang, tetapi perbuatan sendiri lebih buruk lagi;

berpaku 1. mempunyai paku, ada pakunya; **2.** dikenakan (dilekatkan dgn, dipasang) paku: *dipenjarakannya di dlm satu kota kecil yg ~ dr luar*; ~ *pd* berpegang teguh pd:

memaku 1. memasang paku pd: ~ *dinding*; **2.** ki tidak bergerak-gerak (dr tempat dll): *kami berdua masih ~ di kerusi*.

memakukan 1. melekatkan sesuatu dgn paku: *hujung rantai itu dipakukan pd suatu kepala balak*; **2.** ki melekatkan, mengekalkan (perhatian, ingatan, pandangan, dll): *ia masih ~ matanya pd wajah isterinya*;

terpaku 1. telah dipaku (dilekatkan dgn paku): *tutup peti itu sudah ~*; **2.** (duduk, berdiri, dll) dlm keadaan tidak bergerak-gerak (tidak berbunyi-bunyi): *spt ~ ia ketika sampai di situ*; *semua yg mendengar kisahnya itu diam ~*; **3.** terlekat (pd), tertumpu (pd): *matanya ~ pd muka gadis itu*.

paku II ark = ~ *pakis* sj tumbuhan yg tidak berbunga, pakis; ~ *acu* Kl, Tr sj tumbuhan spt paku pakis, *Cycas rumphii*; ~ *cai* (*sumpah*) sj

tumbuhan, *Pleopeltis nigrescens*; ~ ikan (lipan, ubil, ulat), *Blechuum orientale*; ~ mega (padang, pelanduk, unkut) sj tumbuhan, *Ptreis ensiformis*; ~ sisik sj tumbuhan, *Adiantum spp.*; ~ tanjung sj paku yg tumbuh di rawa, *Diplazium esculentum*; betapa pun lurus ~, hujungnya berkelok juga prb seseorang yg jahat, walaupun baik rupa perkataan dan kelakuannya, hatinya jahat juga; kelok ~ asam (kacang) belimbing, anak di pangku kemanakan dibimbing Mn prb anak dan anak saudara mestilah sama-sama dijaga (dididik).

paku III sj ikan laut, renyau, *Antherina forkali*.

pakuh; burung ~ sj burung enggang, burung tebang mentua, burung torak, enggang gading, *Rhinoplax vigil*.

pakuk; **memakuk** menetak (dgn parang dll): *ia didenda kerana kesalahan ~ kerbau*.

pakul tempat duduk (lapik punggung) di atas kerbau.

paku mati 1. paku yg yg tidak boleh dicabut-cabut lagi; **2.** hal yg tidak boleh diubah-ubah lagi;

memakumatikan memaku dgn paku mati: *papan itu telah dipakumatikan pd peti itu*.

pakus ark bp gudang.

pakwe bp teman lelaki bagi seseorang wanita.

pal I IB ukuran jauh (kira-kira 1500 meter), batu, tonggak;

berpal-pal beberapa pal (jauhnya).

pal II; *membuang* ~ = **berpal-pal** belayar dgn membelokkan kapal dll ke kiri dan ke kanan, belayar serong-menyerong, berperai-perai: *perahu itu dilayarkan juga berpal-pal ke laut dan ke darat*.

pala I sj tumbuhan (pokok, bunga dan buahnya), *Myristica fragrans*; ~ burung = ~ *paya* sj tumbuhan (pokok kecil), penarahan kikik, pendarah kikik (paya), *Knema intermedia*.

pala II; sepala, sepala-pala, pala-pala kalau hendak (terlanjur, terpaksa), kalau benar-benar: ~ *jahat jangan alang kepalang*; ~ *bapa hamba mengasihi hamba, hantarkanlah hamba kpd ayah hamba*; ~ *mandi, biar basah* prb jika hendak melakukan sesuatu biarlah betul-betul sampai kesudahannya (jangan setengah-setengah).

pala III pada (tidak kurang dan tidak lebih), cukup;

memala-malai 1. memada-madakan (mencukup-cukupkan) mana-mana yg ada sahaja; **2.** melakukan (mengerjakan, mencuba, dll) sedikit-sedikit.

paladium (Kim) sj unsur logam yg terdapat semula jadi dlm bijih platinum, emas, dan tembaga digunakan utk membuat aloi, barang kemas, dll.

palai Mn pais atau pepes (ikan yg kecil-kecil);

memalai memais (ikan yg kecil-kecil).

palak I Mn **1.** panas (badan), gerah; **2.** berasa panas, marah, radang (hati): *dr mula-mulanya lagi dia sudah ~ melihat lagak orang itu*;

3. sangat berani, tidak takut (bimbang) barang sedikit;

memalak mengacau, mengganggu, menyusahkan;

pemalak 1. orang yg lekas marah, pemarah; **2.** orang yg sangat berani (tidak takut akan apa sahaja apabila berbuat sesuatu).

palak II Kl kemaluan lelaki.

palam I sumbat (lubang, celah, dll);

memalam menyumbat, menutup;

pemalam penyumbat, penutup.

palam II peranti yg mempunyai dua atau tiga cemat yg disambungkan dgn wayar dan digunakan sbg sambungan elektrik apabila dimasukkan ke dlm soket, plag; ~ *pencucuh* peranti yg mencetuskan bunga api elektrik dlm enjin petrol.

palang 1. sesuatu (kayu, besi, dll) yg dipasang melintang (sbg pengunci, penggalang, paksi, dll); **2.** tanda silang (spt tanda campur + atau tanda kali ×);

~ *jalan* a) batang besi dsb utk menghalang jalan (lalu lintas); b) pengadang jalan yg memotong atau menyeberangi landasan kereta api; *P~ Merah* pertubuhan atau persatuan sukarela antarabangsa (yg berlambangkan tanda campur berwarna merah) yg berkhidmat utk kemanusiaan (spt menolong mangsa peperangan, mangsa bencana alam dsb); ~ *pintu* kayu yg dipasang melintang pintu (utk menguncinya);

memalang mengenakan (memasang) palang;

memalangi mengenakan (memasang) palang pd;

memalangkan 1. menggunakan sesuatu sbg palang; **2.** memasang (mengenakan dll) melintang spt palang; **3.** menghukum mati pd kayu palang (salib), menyalibkan.

palas; *tidak* ~ tidak hendak, tidak ingin;

memalarkan 1. menghendaki (menginginkan, mengharap); **2.** mengira (menerima, menganggap) cukup atau pada (walaupun sedikit).

palas I sj tumbuhan (palma yg daunnya dibuat atap, pembalut ketupat, dll), *Licuala spp.*

palas II; ~ *bujur* geladak atau lantai kapal yg di bahagian depan; ~ *lintang* sj beranda yg melintang di geladak kapal, anjungan;

palas-palas rak atau para-para tempat menjemur dll; *rumah* ~ rumah atau tempat tinggi utk menjaga (mengawasi) dll.

palasik Mn pelesit.

palat I; *kayu* ~ kayu pengapit tempat mengikat kaki budak-budak nakal (utk merotan tapak kakinya).

palat II kemaluan laki-laki; *tahi* ~ najis yg melekat pd kemaluan.

palat III Kd orang yg tidak berguna.

palatografi kajian tentang artikulasi lelangit keras dgn lidah.

palau parut dll pd badan (yg menjadi tanda atau ciri utk mengenalnya).

palawija Id tanaman (spt jagung, ubi dll) yg menjadi selingan padi di sawah.

paldu sj tabir atau dinding (utk melindungi sesuatu drpd tempias).

pale (palé), **paleh** (paléh) Jk; **dipale** dipelihara dan diperkuat dgn mengurut, memberi makanan yg baik-baik dll (ayam sabungan dll);

palean; *ayam* ~ ayam yg dipale.

palem Id palma.

palen (palén); *barang* ~ barang kelontong, barang yg dipakai hari-hari (spt selipar, sabun mandi, dll).

paleografi (paléografi) **1.** bentuk tulisan kuno; **2.** kajian tentang tulisan kuno, termasuk penentuan asal dan tarikhnya.

paleolitik (paléolitik) (Sej) (berkaitan dgn) peringkat awal Zaman Batu: *usia* ~.

paleontologi (paléontologi) kajian tentang fosil haiwan, tumbuhan, dan bentuk-bentuk hidupan purbakala.

palet (palét) papan nipis yg digunakan oleh pelukis utk membancuh warna.

pali = **pemali** larangan (selalunya utk selama-lamanya), pantang.

paliatif (rawatan, ubat dsb yg) bertujuan utk melegakan, mengurangkan atau meringankan sesuatu kesakitan, penyakit dsb, tetapi bukan utk menyembuhkannya: *pembedahan* ~.

paling I 1. (yg) teramat, (yg) amat sangat, (yg) ter ...: *badan yg ~ berkuasa di negeri ini; mawar yg ~ indah*; **2.** = **sepaling** yg satu;

paling-paling 1. teramat sangat; **2.** sehabis-habisnya, sehabis banyaknya, sebanyak-banyaknya, setinggi-tingginya.

paling II; berpaling 1. mengubah arah muka ke kiri (ke kanan, ke belakang): *ia ~ ke arah pemuda itu*; **2.** ki beralih atau bertukar (perhatian, pandangan, dll): *tiba masanya kita ~ kpd soal lain*; **3.** ki berubah atau bertukar pegangan (fikiran, kesetiaan, dll), berbelot, membelot;

~ *haluan* a) beralih (berubah) haluan; b) berubah (beralih) pandangan dll; ~ *sembah* sl derhaka, tidak setia (kpd sultan dll); ~ *tadah* beralih atau bertukar kesetiaan (pegangan dll);

roda yg ~, kuda sudah digerindin prb kelihatan sahaja senang hidupnya, tetapi yg sebenarnya susah; *tegak ~, duduk berkisar* prb berubah (berlainan) drpd apa yg telah dikatakan atau dijanjikan;

memalingkan 1. mengarahkan muka ke kiri (ke kanan, ke belakang): ~ *mukanya ke arah lain*; **2.** memusingkan arah (perahu dll): ~ *perahunya*; **3.** mengubah arah pandangan (fikiran, dsb): *tidak sedikit pun tindakan itu ~ mereka drpd agama mereka*;

~ *muka* a) memusingkan (mengalihkan) muka ke kiri (ke kanan, ke belakang); b) sl tidak setia (suka), derhaka; ~ *percakapan* mengalihkan percakapan ke arah lain;

palingan yg dapat atau senang berpaling (dipalingkan); *hati ~ Allah, mata ~ setan = neraca ~ bungkal, hati ~ Tuhan* prb fikiran (pendirian dll) seseorang itu boleh berubah-ubah;

kepalingan (Lin) superlatif.

paling III Mn; *suling*-~ tunggang-langgang; → **suling III**.

palinologi kajian tentang debunga dan spora fosil dan digunakan dlm pentarikan karbon.

palis I; berpalis memandang atau memaling ke arah lain (kerana malu, marah, dll): *dgn tidak menjawab apa-apa Salmiah ~ dan bangun*;

memaliskan memalingkan, mengarahkan: *isteriku ~ muka masam padaku*.

palis II; memalis menolak bala, marabahaya dsb.

palis III Jk; **memalis** menggosok rapi-rapi (licin-licin).

palis IV IB istana.

palit I = pemalit sesuatu yg digunakan utk mengecat atau mewarnai (bibir, kening, dll); *si ~ gila* sl sj ubat guna-guna (pengasih);

memalit mencalitkan (menyapukan) sesuatu (gincu dll) pd: *kakinya disapu belaking, tubuhnya dipalit belacan;*

memalitkan mencalitkan (sesuatu) pd: *~ lipstik ke bibir; kemudiannya ia ~ perenjis yg basah ke atas dahi;*

terpalit 1. tercalit, tersapu: *Tuan Sutan meraba-raba mukanya kalau-kalau ada lumpur ~;* **2.** ki terkait atau terlibat sama (dlm hal orang), terbabit; *seekor kerbau membawa lumpur, semuanya habis ~* prb seorang yg membuat jahat (salah) semuanya mendapat nama buruk dll;

palitan hasil memalit;

berpalitan diliputi dgn palitan: *tubuhnya ~ lumpur, begitu juga baju dan seluarnya.*

palit II IB jatuh rugi (perniagaan dll), bankrap, muflis;

memalitkan mengisytiharkan atau menyatakan palit (bankrap).

palka petak atau ruang dlm kapal tempat menyimpan muatan; **peraka.**

palkat surat (kertas) yg dilukis (dicap) pd sebelah muka (utk ditampal bagi mengumumkan sesuatu).

palma sj pokok drpd famili Palmaceae yg batangnya tegak lurus tidak bercabang dan berdaun di atas seakan-akan payung, spt nyiur, kabung dan pinang.

palok Kl, Tr sesuai, kena campurannya.

palomino sj kuda yg berwarna kelabu keemasan atau krim dgn ekor dan surainya berwarna putih: *kuda ~.*

palpat; mempalpat (Ubat) memeriksa mana-mana bahagian tubuh dgn cara menyentuh dan menekannya dgn tangan perlahan-lahan;

pempalpatan perbuatan mempalpat.

palpitasi (Ubat) denyutan jantung yg pantas, kuat atau tidak teratur, debaran.

palsu **1.** tidak benar (tulen), lancung, tiruan: *kaki ~; rambut ~; wang ~;*

2. tidak sungguh-sungguh, tidak lurus (jujur), curang: *dlm dunia ini memang banyak yg ~; janji ~;*

memalsukan melakukan sesuatu yg palsu, meniru sesuatu (utk mengabui mata atau menipu), melancarkan: *penipuan serupa itu dapat ~ tanda-tanda asal; ~ wang kertas;*

kepalsuan **1.** perihal palsu; **2.** kecurangan, ketidakjujuran: *kota yg penuh ~;*

pemalsuan perbuatan atau hal memalsukan: *membongkar amalan-amalan ~ dlm bidang penciptaan;*

pemalsu orang yg memalsukan sesuatu.

paltu sl pembantu (penolong, wakil) utk sementara: *~ syahbandar; ~ dol tiang layar sementara; ikat ~ ikat yg sementara sahaja.*

palu **1.** pukul, pukulan: *aku terkenang-kenang akan ~, dan sesah, dan tampar; kena ~ kena pukul;* **2.** pengetuk, pemukul, tukul besi: *~ tukang besi;*

berpalu sl dipukul: *~lah tabuh kembali; ombak ~ sendirinya;*

berpalu-palu ark bertukar-tukar barang (waktu berdagang);

berpalu-paluan berpukul-pukulan;

berpalukan sl memukulkan: *maka kedelapan hulubalang ~ cokmarnya;*

memalu memukul: *~ gendang raya besar;*

paluan 1. pukulan dan palu; 2. hasil memalu: ~ *gendang*; 3. kerugian, pukulan: *sorak kanak-kanak itu seolah-olah satu ~ hebat pula*;

pemalu benda spt rotan, kayu, dll utk memalu: ~ *beduk*.

paluh 1. tanah lekuk yg bertakung dgn air, lopak, lubuk; 2. anak sungai, alur; 3. Jw tanah berlumpur yg dalam.

palui Br bodoh, tolol.

palun Mn; **berpalun-palun** berpeluk-pelukan, peluk-memeluk, berbelit-belit;

memalun memeluk, membelit.

palung 1. tanah lekuk yg bertakung air, paluh; 2. petak atau kotak tempat makan (minum) binatang (kuda, lembu, dll), lawak-lawak; 3. sj saluran panjang yg berpetak-petak tempat mengasingkan bijih drpd batu-batu dll; 4. saluran air (drpd buluh dll); 5. Kd sj bekas utk mengisi semaian; ~ *ikan* bekas atau kotak drpd kaca tempat memelihara ikan, akuarium.

palut balut, bungkus, salut, sampul, sarung;

elok ~ , *pengebat kurang* prb kelihatannya sahaja bagus tetapi keadaan sebenarnya belum baik;

berpalut berbalut, berbungkus, bersampul, bersarung: *tiga pucuk surat ~ kuning*; *dawai yg ~ getah*;

memalut membalut, membungkus, menyalut, menyampul, menyarung: *tubuhnya pun habis dipalut selumbar, tampak mata sahaja*;

terpalut dipalut, disalut: *lidahmu seakan-akan ~ madu*;

palutan hasil memalut: *ketam dan udang sedap dimakan dgn ~ kuahnya yg pekat lagi beraroma*;

pemalut sesuatu yg memalut, pемbalut, sampul.

pam alat, biasanya mempunyai tiub dan pemegang, utk memasukkan cecair, angin, gas, dsb ke dalam (atau mengeluarkannya drpd) sesuatu, bomba, pompa;

~ *air* pam utk menghisap dan mengeluarkan air; ~ *angin* pam utk menghisap dan mengeluarkan angin; ~ *basikal* pam utk memasukkan angin ke dlm tayar basikal; ~ *minyak* a) pam utk menghisap dan mengeluarkan minyak; b) tempat membeli (mengisi) minyak petrol dll utk kereta; ~ *udara* pam angin;

mengepam mengisi atau menyedut air (angin dll) dgn pam: *kami menyewa sebuah pam dan ~ air dr sungai; dia sedang ~ bola kami;*

mengepamkan 1. mengepam utk; 2. memasukkan gas (cairan dsb) ke dlm: ~ *angin ke dlm tayar;*

pengepaman perbuatan atau hal mengepam(kan);

pengepam (alat, mesin dsb) yg digunakan utk mengepam: *di kebun sayurnya terdapat juga sebuah mesin ~ utk mengepam air dr kolam; ~ susu.*

pamah 1. lembah, tanah yg rendah; 2. rendah (tanah): *tanah yg ~; kawasan ~.*

paman 1. pak cik, bapa saudara; 2. panggilan kpd orang yg lebih tua yg harus dihormati.

pamegat (Sunda); *juragan* ~ tuan.

pameo (paméo) Mn ejekan (sindiran) yg jadi buah mulut orang.

pamer (pamér) mempertunjukkan (pakaian, kebolehan, dll);

mempamerkan 1. mempertunjukkan atau memperagakan (pakaian dll): *Kadir senang benar ~ pengetahuannya;* 2. mempertunjukkan kpd orang ramai terutama utk tujuan pertandingan atau demonstrasi: ~ *lukisan dan arca ciptaan tanah air;*

pameran pertunjukan (hasil seni, buku, dll);

pempamer pihak atau orang yg mempamerkan sesuatu produk, barang dsb: *pameran ini mencatat sejarah dgn penyertaan lebih enam ribu ~ dr kira-kira dua ratus buah negara.*

pamflet (pamflét) risalah.

pamit Jw = **berpamitan, pamitan** minta diri (utk pulang dll): *Kadir mengajak Ratna pulang tanpa pamitan lagi dr tuan rumah.*

pamong pemelihara, pendidik, guru; ~ *desa* orang yg mentadbirkan desa; ~ *praja* pegawai pentadbiran negara.

pamor Jw **1.** besi putih yg dimasukkan dlm mata keris; **2.** kurai drpd besi putih pd mata keris: *mata keris jenis ini biasanya berkilat dan mempunyai ~*; **3.** keindahan, kemurnian, seni;

berpamor mempunyai (memakai) pamor: *mata keris ada yg ~ dan ada yg licin.*

pampan I lubang tempat rantai sauh di haluan kapal.

pampan II Br; **memampan** menutup atau menyekat lubang (laluhan dll).

pampang I; memampangkan membentangkan, memaparkan;

terpampang kelihatan jelas terbentang, terpapar dll di depan mata: *namanya ~ dlm surat khabar.*

pampang II Br cabang penahan kemudi;

pampangan kayu yg dibuat khas utk dipasang pd kaki orang gila atau orang tidak siuman.

pampas I denda atau ganti rugi (kerana melukai orang dll): *membayar ~ yg patut;*

memampas membayar denda atau ganti rugi (kerana melukai orang dll);

memampasi membayar pampasan (ganti rugi) kpd seseorang (kerana mengalami kemalangan, kerugian dsb): *kerajaan akan ~*

setiap tuan tanah yg tanah mereka terlibat dlm proyek pelebaran jalan itu;

pampasan 1. wang (barang dll) yg dibayar sbg ganti rugi: *wang ~;*
~ perang; **2.** = **pemampasan** perihal membayar ganti rugi.

pampas II dataran berumput yg luas di kawasan iklim sederhana di Amerika Selatan terutama di Argentina.

pampat 1. tidak berongga, padat, tumpat; **2.** Jk tidak mengalir, tersendat, tersumbat;

memampat menjadi pampat;

memampatkan menumpatkan, memadatkan, mengasak;

pemampat penekan, pengasak.

pan I IB bp alat utk menggoreng (memasak);

dipan dimasak (goreng) dlm pan.

pan II Pr singkatan bagi opan.

pan- *awalan asing* seluruh atau segenap, mis *pan-Afrika dan pan-Asia*.

pana → **fana**.

panah 1. = *ibu* ~ = *baur* ~ kayu (buluh dll) yg kedua-dua hujungnya direntangi tali dan boleh dilenturkan (utk melancarkan senjata yg tajam); **2.** = *anak* ~ benda tajam yg dilancarkan dgn ibu panah, anak busur;

~ kelodan sl petir, *~ matahari* cahaya (sinar) matahari;

berpanah 1. memakai (mempunyai) panah: *satu pasukan askar ~;*

2. menggunakan panah: *kami ada lawan ~;*

berpanah-panahan saling menggunakan panah (dlm pertempuran): *maka segala yg memegang panah ~;*

memanah 1. melancarkan anak panah (kpd): *maka dipanahnya Seri Rama;* **2.** bergerak (terlepas dll) dgn amat laju; **3.**

mengenakan sbg panah: *rumah itu dipanah petir;*

memanahi melepaskan anak panah berkali-kali kpd;

memanahkan 1. sl melancarkan anak panah: *maka Seri Rama pun ~ anak panah itu*; **2.** melancarkan sesuatu spt anak panah;

panahan 1. hasil perbuatan memanah; **2.** pandangan (mata) yg seolah-olah memanah: *Tun Kudu tak tahan menentang kilat ~ anak mata Tun Pateh*;

pemanah orang yg memanah;

sepemanah sejauh tiba panah yg dilepaskan.

panai Jk dulang drpd kayu.

panakawan Jw hamba yg menjadi pengiring, juak-juak, budak kundang: *maka orang lima itu pun menyembah lalu berjalan diiringkan oleh ~ itu.*

panar Mn tercengang-cengang (kerana kehairanan), termangu-mangu.

panas 1. lwn sejuk (dingin), hangat; *air ~ air yg dimasak (dihangatkan)*; **2.** demam, gerah, palak; *demam ~ penyakit demam dgn suhu badan yg sangat panas (tinggi)*; *sakit ~ demam*; **3.** sinar atau cahaya (matahari): *apabila kena ~ matahari bernyala rupanya; matanya itu selalu pula terkejip-kejip, terutama apabila menentang ~*; *hujan ~ hujan pd waktu matahari bersinar*; **4.** ki sangat marah, sangat sakit hati: *dgn perasaan hati yg ~ ia bangun segera; bagaimana hendak menyudahkan kerana hati terlampau ~*; **5.** ki hebat, genting, tegang: *pertentangan semakin ~*; **6.** masih baharu (peristiwa dll): *semalam ia mendapat berita ~ utk akhbaranya*; **7.** tidak kurang tetapi lebih pula sedikit (timbangan): *timbang ~*; **8.** tidak memberi keuntungan, mendatangkan bala, sial; *ilmu ~ ilmu yg membuat orang yg memakainya susah (mahal rezeki dll)*;

~ baran (bara, darah) cepat marah, sangat pemarah; *~ hati sangat marah (benci)*; *~ kering panas dan kering*; *~ pedih tidak tetap (senang) duduk*; *~ radang panas badan (kerana berpeluh dll)*,

palak; ~ *rezeki* mahal rezeki; ~ *sengangar* sangat panas (hawa); ~ *terik* = ~ *jantan* Pr = ~ *ngetek* K1 sangat panas (matahari); ~ *setahun hujan sehari, liput tanjung dgn pulau* = ~ *setahun dihapuskan oleh hujan sehari* prb jasa atau kebaikan yg banyak boleh hilang oleh kesalahan yg sedikit; *bagai ~ mengandungi hujan* prb walaupun dibawa ketawa, nampak juga kesusahannya (orang dlm kesusahan); *disangka ~ sampai petang, kiranya hujan tengah hari* prb disangka senang (baik dll) selama-lamanya tiba-tiba ditimpa kesusahan (bahaya dll); *memegang besi ~* prb melakukan sesuatu dgn kebimbangan (kekhuatiran dll); *menyeladang bagai ~ di padang* prb sesuatu hal (perbuatan dll) yg mengenai semuanya; *redup atau ~ keras* prb hidup atau mati, untung atau rugi, beradu nasib sahaja; *sudah ~ berbaju pula* prb sudah susah ditambah lagi dgn kesusahan; *tak ~ punggung* K1 prb sebentar sahaja; *tidak lekang dek (oleh) ~; tidak lapuk dek (oleh) hujan* prb tiada berubah-ubah, tetap selama-lamanya (bkn adat);

panas-panas masih baharu, hangat-hangat;

berpanas berada dlm panas matahari, berjemur: *nelayan yg ~ dan berhujan di laut*;

berpanas-panasan berjemur dlm panas matahari utk bersuka-suka: *mereka yg sedang ~ di pantai itu*;

memanasi 1. menghangatkan: *periuk yg masih dipanasi bara*; 2. menambah panas;

memanaskan menyebabkan (menjadikan) panas, menghangatkan: *makanan-makanan itu ialah utk ~ tubuh badan kita*;

~ *hati* menimbulkan (membangkitkan) marah (benci); ~ *kerusi* memegang sesuatu jawatan (kedudukan dsb) tanpa melakukan atau mencapai sesuatu;

memperpanas menjadikan lebih panas: *matahari semakin ~ dirinya;*

kepanasan 1. perihal panas, kehangatan: *ada alat penetap suhu yg mengawal ~; ~ hati* kemarahan hati; **2.** tersangat panas; **3.** kena panas;

pemanasan perihal memanasi (memanaskan): *tindakan kimia bertambah cepat dgn ~;*

pemanas 1. yg memanasi (memanaskan): *kuasa ~ ; alat ~ ; 2.* alat utk memanaskan: *~ elektrik;* **3.** (orang yg) lekas panas atau marah, pemaarah, tidak penyabar: *bapanya ~ dan pembengis.*

panasaran (Sunda) Jk **1.** terlalu ingin hendak mendapat (berbuat dll) sesuatu, berasa kecewa (tidak puas); **2.** sangat marah atau sakit hati (kerana kecewa, dicela, dll).

panau sj penyakit kulit yg berupa bintik-bintik, (tompok-tompok) putih (kadang-kadang gatal); jenis-jenisnya: *~ besi, ~ bunga, ~ lekir, ~ mengharung, ~ terkukur, dll;*

berpanau berpenyakit panau: *di sana ini lengannya ~.*

panca I 1. kelima-lima jari tangan; *main ~* berlawan kekuatan dgn pulas-memulas jari atau tangan; **2.** lima.

berpanca berlawan kekuatan dgn pulas-memulas (tolak-menolak) jari atau tangan, *main panca;*

memancarkan menyatukan (menyelang-nyelikan) jari-jari satu tangan dgn jari-jari tangan yg lain: *ia ~ jarinya ke jari tangan Ramli.*

panca II NS hadiah bunga telur dan pulut dlm bekas kayu yg berkaki dan dihiasi dgn bunga kertas (waktu perkahwinan).

panca- (Sanskrit) *awalan asing* lima, mis *pancaindera* dan *pancalogam.*

pancabicara **1.** sj perhiasan bercabang lima yg dipakai pd destar raja (pengantin) pd waktu pertabalan (perkahwinan); **2.** campuran lima jenis bunga (bau-bauan dll).

pancabuta unsur-unsur yg lima (bumi, air, api, udara, dan eter).

pancadarma tugas atau kewajiban yg lima jenis.

pancaguna bermacam-macam guna; *ketam* ~ ketam yg bermacam-macam gunanya.

pancaindera deria atau alat perasa yg lima (deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat, deria sentuh); *alat* ~ lidah, hidung, telinga, mata, tangan, dll.

pancaka sl tempat membakar mayat.

pancakara sl bergaduh, berperang.

pancal ark pancalogam.

pancalima ark sj ramalan dgn jari.

pancalogam **1.** sl campuran lima atau berbagai-bagai logam (batu); **2.** campuran dua atau lebih logam yg menjadi logam berlainan (lebih berguna) drpd bahan asalnya, aloi; ~ *meriam* pancalogam drpd tembaga, timah, dan zink.

pancalongok (Sunda) pencuri, bangsat, pencoleng.

pancalumba pertandingan sukan yg menghendaki tiap-tiap peserta memasuki lima acara (spt lari, lompat jauh, lompat tinggi, lempar cakera, dan lempar lembing).

pancanegara lima negara.

pancang **I** kayu (buluh dll) yg dipacakkan ke tanah (utk tempat menambat perahu, tanda sempadan, dll);

~ *dirasa* Kl penderitaan hidup, perasaan yg luar biasa; ~ *yg empat*

Mn sempadan ladang di keempat-empat penjurunya; *bagai* ~ *digoncang arus* prb tidak tegas (tetap) pendiriannya (berubah-ubah mengikut mana yg kuat dll);

memancang **1.** memacak pancang, memasang pancang; ~ *gelanggang* a) membuat gelanggang tempat peraduan (menyabung ayam dll); b) kebenaran utk menyabung ayam; c) mengadakan keramaian (kerana perkahwinan dll); **2.** macam pancang (tegak sahaja, tidak beralih-alih, dll): *kayu itu ~ di tengah-tengah gelanggang;*

memancangkan **1.** memacakkan pancang (galah dll) ke tanah: ~ *beberapa batang tiang di pantai;* **2.** meletakkan atau menempatkan (tulisan dlm penerbitan dll);

terpancang **1.** sudah dipancangkan, tercacak: *di mana ~ banyak galah, di situlah pangkalan kita;* **2.** ki terdiri tegak (tidak bergerak-gerak), tertumpu pd satu tempat, terpaku: *Basir masih ~ di lantai; matanya ~ ke pintu kamar itu;*

pancangan **1.** pancang, pacak, tonggak; **2.** yg telah dipancang; **3.** sl tunangan: *rajanya bernama Tengku Sultan Maha Mulia, ia ~ Tuan Puteri Sinar Bulan Gemilang Cahaya;*

pemancangan perihal atau perbuatan memancang(kan) sesuatu: *upacara ~ tiang pertama Wisma Nusantara.*

pancang II; ~ *bendera* sj ikan laut, *Parachaetodon ocellatus.*

pancapada (Sas) baris puisi (sajak) yg terdiri drpd lima pola irama atau matra.

pancapersada **1.** tempat tinggi yg bertingkat-tingkat, tempat bersemayam raja waktu pertabalan (tempat orang besar-besar dll): *maka ia menyuruh berbuat ~ tujuh pangkat;* **2.** tempat mandi yg bertingkat-tingkat; **3.** rumah yg bertingkat tempat berehat-rehat.

pancar keturunan, anak cucu: ~ *drpd anak cucu bagindalah segala raja-raja di Pasai itu turun-temurun;* ~ *gas* Id pancutan gas, jet (yg menggerakkan kapal terbang): *pesawat terbang ~ gas;*

sepancar ki seketurunan, sejenis, seasal: *bahasa Melayu ialah bahasa yg mesra dan ~ dgn kejadian dirinya;*

berpancaran keluar ke sana sini (berbagai-bagai hala), berpancutan: *air ~ dr paip rosak itu;*

memancar **1.** keluar memancut dgn deras (bkn air dsb); **2.** mengeluarkan cahaya terang, bersinar terang: *matahari belum kelihatan ~; sebuah lampu suluh kelihatan ~ cerah;*

memancarkan **1.** memancutkan atau memancurkan deras-deras (air, minyak, dll): *di sana sini mata air ~ air yg jernih;* **2.** mengeluarkan sinar (cahaya): *bulan mulai mengambang di langit sebelah timur dan ~ cahayanya yg gemilang;* **3.** mengirim atau menyiarkan (haba, bunyi, cahaya, dll), mengeluarkan (sesuatu): *bunyi hanya boleh dipancarkan melalui jirim; nyanyian yg dipancarkan oleh Radio Malaysia;* **4.** melahirkan, memperanakan, menurunkan (keturunan);

terpancar **1.** keluar memancar (memancur, memancut), dipancarkan: *maka air susu Minuram Dewi pun ~; cahaya itu harus ~ balik dr muka benda itu;* **2.** ki terbit: *dr mulut dia ~ kalimat itu; harapan yg ~ dlm hati;* **3.** terlahir, keluar (anak);

pancaran **1.** yg dipancarkan atau terpancar (cahaya, haba, bunyi, air, dll), yg dikeluarkan (diterbitkan dsb): *~ cahaya dr lampu menyinari mukanya; ~ air paip air yg memancarkan (mengeluarkan) air;* **2.** siaran; *~ radio siaran radio;* **3.** gambaran, bayangan: *sastera ialah ~ kehidupan;* **4.** keturunan;

pemancaran perihal memancarkan: *~ bunyi atau gambaran;*

pemancar **1.** yg memancarkan: *alat ~; stesen ~;* **2.** alat yg memancarkan (bunyi, cahaya, dll): *~ air; ~ radio.*

pancaragam **1.** sl bermacam-macam ragam; **2.** muzik, bunyi-bunyian; **3.** pasukan (kumpulan) pemain muzik: *sebuah ~ mengikuti perarakan itu.*

pancaraja sl; ~ *diraja* sl alat (tempat) mengusung jenazah raja.

pancaroba **1.** pertukaran atau peralihan musim (cuaca kadang-kadang baik, kadang-kadang buruk, dll); *angin ~ angin yg berubah-ubah (tiada tetap arahnya); musim ~ musim antara musim kemarau dan musim hujan; **2.** ki keadaan yg kacau (tidak tentu arah): *bagaimana mereka itu akan hidup dlm dunia yg sekarang penuh dgn ~.**

pancarona sl bermacam-macam warna, pancawarna.

pancasila lima dasar falsafah kenegaraan Republik Indonesia (ketuhanan yg Maha Esa, kebangsaan, perikemanusiaan, kedaulatan rakyat, dan keadilan sosial).

pancasona sl sj jampi yg boleh menyebabkan orang mati hidup kembali.

pancasuara ark **1.** bermacam-macam suara atau bunyi; **2.** suara atau bunyi yg janggal.

pancawarna **1.** lima warna; **2.** bermacam-macam warna, berwarna-warna.

pancawarsa (perayaan, peringatan) setiap lima tahun.

panci IB sj kualiti besi.

pancing alat utk menangkap ikan dsb yg terdiri drpd joran, tali yg hujungnya berkait tajam, dan umpan, kail; *makan ~ terlekat pd mata kail, kena tangkap dgn kail (bkn ikan dll); ~ kacar* pancing yg tidak memakai mata (utk menangkap sotong dll); ~ *tunda* pancing yg ditarik pd belakang perahu; *main ~ sj* permainan daun terup (kartu); *umpan habis ~ putus, punca terlepas drpd tangan* prb perbuatan atau usaha yg sia-sia, malahan rugi pula;

memancing 1. menangkap ikan dll (dgn pancing); mengail: *aku hendak ~, apa umpannya Andeh?* **2.** ki melakukan sesuatu dgn tujuan utk mendapat (mengetahui dll) apa yg dihajati, mengumpan (memikat dll): *usul ini semata-mata utk ~ undi; menatap dgn pandangan seakan-akan ~ reaksiku; ~ rahsia;* mencari (mengetahui) rahsia;

~ di air keruh prb mencari keuntungan sewaktu keadaan kacau dll; *niat hati hendak ~ ikan, tak mahu membuang umpan* prb perihal orang yg mahu untung sahaja tetapi tidak mahu rugi;

pancing-memancing ki saling menarik hati, memujuk atau memikat seseorang supaya masuk ke dlm kumpulan berkenaan, biasanya dgn menawarkan pelbagai ganjaran yg menarik dan lumayan: *kini soal ~ pemain-pemain dgn menjanjikan ganjaran dan habuan yg lumayan menjadi topik utama;*

terpancing kena pancing, terkail; *niat hati hendak memancing temenung, sudah ~ ikan setoka* prb lain yg dikehendaki lain yg didapat (kemuliaan yg dihajati kehinaan yg diperoleh);

pancingan sesuatu yg digunakan utk memancing (memikat dll), provokasi: *rancangan itu sebagai satu ~ undi pilihan raya; ini semua hanya ~;*

kepancingan penyakit sakit di kerongkong sewaktu menelan, kail-kail;

pemancing orang yg memancing.

pancir ark bahagian yg di hadapan sekali (perarakan dll).

pancis-pancis sj tumbuhan (herba), jobong beralih, seruas semalam, tebuk seludang, tuba seluang, *Polygonum barbatum*.

pancit I; memancit memancut (memancur) sedikit-sedikit;

memancitkan memancutkan cecair (air, minyak dsb) sedikit-sedikit, menyebabkan memancit: *pemancit ini berupa muncung utk ~ petrol ke dlm alur masuk.*

pancitan hasil memancit atau memancitkan: *mikrokomputer yg mengawal ~ petrol;*

pemancitan proses, perbuatan dsb memancit atau memancitkan;

pemancit alat utk memancitkan (minyak dsb): *~ yg dikawal secara elektronik ini dapat menentukan banyaknya petrol yg harus digunakan.*

pancit II menjadi kempis kerana keluar anginnya akibat tertusuk benda tajam, pecah dsb (bkn tayar kereta, basikal dsb), bocor: *tayar kiri keretanya ~; dia lewat sampai ke pejabat kerana tayar motosikalnya ~;*

memancitkan menyebabkan tayar, belon dsb kempis kerana keluar anginnya akibat tertusuk benda tajam, dibuka injapnya dsb, membocorkan: *dia sudah berani ~ tayar kereta gurunya;*

pemancitan perbuatan memancitkan.

pancung I; *kuih ~ sj kuih.*

pancung II 1. bahagian hujung, punca atau penjuru (kain dll); *~ serong* (kain yg) disusun atau diikat serong dengan puncanya tergantung; **2.** bersegi dan tirus ke hujung, bersegi lancip; **3.** penggal (leher dll), kerat: *hukum ~;*

pepat di luar ~ di dalam prb rupanya baik tetapi hatinya jahat;

berpancung berikat serong dgn puncanya tergantung (kain): *jika baginda itu berkain ~, maka puncanya digantung;*

memancung memenggal, mengerat (kepala, leher, dll);

pancungan hasil kerja memancung: *~ pedang;*

pemancung (alat) utk memancung: *parang ~; pedang ~.*

pancur bp pancuran;

memancur keluar atau memancar (air dll);

terpancur keluar memancur, terpancar: *dibukanya paip dan air pun ~lah ke badan Kadir;*

pancuran **1.** air yg keluar memancur: *bunyi ~ air;* **2.** cerat, paip air; **3.** saluran tempat air dll mengalir (memancur): *mereka telah pulang dr ~ mengisi perian betungnya.*

pancut; memancut keluar dgn deras (kerana tekanan), memancar: *air ~ dr muka bumi;*

memancutkan mengeluarkan air dll dgn deras, memancarkan, memancurkan: *belerang itu akan menjadi cair dan dipancutkan keluar oleh udara yg ditekan masuk;*

terpancut ki terkeluar (terbit dll) dgn tiba-tiba: *~ dr mulut Wan Derus perkataan "celaka";*

pancutan (air dll) yg memancut: *tanah tepi lubang itu diruntuhkan dgn ~ air; ~ angin;*

pemancutan proses memancutkan sesuatu;

pemancut alat utk memancutkan air, cecair, dsb: *hos ~ air.*

pancut-pancut = *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), *Spathodea spp.*

panda sj binatang spt beruang (berbulu hitam dan putih) yg hidup di hutan bambu di China, *Ailuropoda melanolenca.*

pandai **1.** cerdik, pintar: *semua orang menerimanya menjadi ketua kerana ia ~; orang ~~~ orang yg terpelajar (berilmu); bijak (cerdik) ~ a) bijak (cerdik) dan pandai, terpelajar b) orang yg terpelajar, cendekiawan;* **2.** bijak, cekap, mahir: *begitu ~ ia berpura-pura;* **3.** boleh, mampu, sanggup: *sekarang dia sudah ~ membuatnya sendiri;* **4.** sesuka hati (ikut mana yg difikirnya elok), sekehendak hati: *selama ini, ~ kakaklah memelihara ibu;* **5.** orang yg mahir dlm pertukangan dll, tukang, ahli;

~ *besi* tukang besi; ~ *canai* tukang mencanai pisau; ~ *emas* tukang emas; ~ *hidup* a) pandai mengendalikan penghidupannya (tidak boros dll); b) pandai bergaul dgn orang lain supaya tidak dibenci dll; ~ *jatuh* bp pandai mencari alasan dll utk menyelamatkan diri; ~ *kayu* tukang kayu; ~ *lukis* ark orang yg pandai membuat gambar, jurulukis, tukang lukis; ~ *membawa untung* sedar akan diri dan pandai mengambil hati orang supaya disukai dll; ~ *tenggang (akal)* pandai mencari akal; ~ *ubat* ahli ubat;

~ *menyipat, tidak ~ menarah* prb tahu menyuruh (memerintah) tetapi tidak tahu membuat kerja; ~ *makan, ~ simpan* prb pandai berbuat jahat, harus pandai menyimpan rahsia;

sepandai-pandai bagaimana (betapa) pandai sekalipun: ~ *tupai melompat, sekali akan gawal juga*;

berpandai-pandai Mn melakukan sesuatu tanpa berunding dahulu dgn orang lain: ~ *engkau mengajak lakimu*;

memandai, memandai-mandai membuat sesuka hati, mengikut fikiran sendiri: *kebanyakannya itu, kerananya lah yg ~ sendiri*; ~ *diri* berpandai-pandai;

memandaikan **1.** sl membuat, membina; **2.** menjadikan pandai: *amanat guru ialah utk ~ murid*;

kepandaian kecerdikan, kemahiran, kepintaran: *ada wang tetapi tidak ada ~, tidak boleh jadi juga*;

berkepandaian mempunyai kepandaian (kemahiran): *ia tiada ~ suatu apa*.

pandak I pendek: *keris ~; orang ~ tembung*;

memandakkan menjadikan pandak, memendekkan;

memperpandak menjadikan lebih pandak, memperpendek;

pandak II Pr timang-timangan utk anak yg kelima.

pandam I damar atau embalau yg digunakan utk melekatkan sesuatu (parang pd hulunya dll);

memandam sl melekatkan pandam (embalau) pd: *dipandam giginya dgn malau*.

pandam II Mn = ~ *perkuburan* perkuburan.

pandan I sj tumbuhan (daunnya wangi atau berduri), *Pandanus spp.*; jenis-jenisnya: ~ *duri*, ~ *hutan*, ~ *wangi*; *tikar* ~ tikar yg dibuat drpd daun pandan.

pandan II; *anjing* ~ anjing yg merah bulunya.

pandan III; *ikan* ~ sj ikan laut, ikan kapas-kapas, *Gerres abbreviatus*.

pandang 1. lihat (sambil memerhatikan); *beradu* ~ bertemu mata, berhadapan muka; *membuang* ~ a) memalingkan muka, melihat ke tempat lain; b) = *melayangkan* ~ melihat jauh-jauh; *seimbas (selayang)* ~ melihat dgn sekali imbas (sepintas lalu); **2.** bp memandang; ~ *ringan* menganggap sepi atau tidak penting; *alat* ~ *dengar* alat utk mengajar melalui pelihatan dan pendengaran (mis pita rakaman, televisyen, dll); ~ *tilik* pendapat (fikiran); ~ *tinggi* menganggap mulia (berharga dll); ~ *anak*, ~ *menantu* prb memilih menantu biar sepadan dgn anak; ~ *jauh dilayangkan*, ~ *dekat ditukikkan* prb Mn memeriksa sesuatu dgn cermat (teliti);

berpandangan, berpandang-pandangan saling melihat, berlihat-lihatan, berhadapan muka: *maka ~lah segala rakyat bala tentera; mereka semua berpandang-pandangan sejurus*; ~ *dgn* berhadapan dgn; ~ *mata* bertemu mata; ~ *muka* berhadapan atau bertemu muka;

memandang 1. menggunakan mata utk mengetahui, melihat seraya mengendahkan, memerhatikan, mengamati: *dipandanginya bangunan yg tiga tingkat itu; segala perempuan yg ~ itu*

semuanya tertawa gelak-gelak; 2. menganggap: Wan Derus dipandang sbg seorang ketua; 3. memikirkan, mempedulikan, memerhatikan: keadilan tidak ~ pangkat atau harta; 4. menghormati, menghargai: ia dipandang orang di kampung itu; ~ berat menganggap sesuatu bukan sbg perkara kecil atau tidak penting, memberikan perhatian dgn penuh kesungguhan; ~ enteng (gampang, mudah, ringan, sepi) menganggap enteng (gampang dll), menganggap tidak penting; ~ hina (rendah) a) menganggap hina (rendah); b) menghinakan (merendahkan); ~ jauh (ke hadapan) memberikan perhatian kpd atau memperhitungkan perkembangan (kepentingan dsb) jangka panjang; ~ kpd mengambil kira akan memperhitungkan, memikirkan; ~ serong menganggap tidak jujur, tidak mempercayai;

pandang-memandang 1. berpandang-pandangan, saling memandang: *masing-masing ~; mereka ~*; 2. saling menghormati (menghargai dll), hormat-menghormati, segan-menyegani, dll: *hidup berjiran begini, kita harus ~*;

memandangi memandang dgn teliti, melihat, mengamati: *isterinya tegak juga di situ ~nya bekerja*;

terpandang 1. dapat dipandang, terlihat, kelihatan: *~lah si anak itu telah terjerening; tidak ~* a) tidak terlihat (kelihatan); b) tidak dapat dipandang sahaja begitu, tidak dapat dibiarkan begitu; 2. tidak sengaja atau tiba-tiba memandang (kpd, pd): *serta ia ~ muka Tuan Raffles*; 3. terkemuka, terbilang, disegani, dihormati: *ia hendak menjodohkan anaknya dgn orang yg ~*;

terpandang-pandang seakan-akan tampak, teringat: *dlm seminggu selepas perpisahan itu ~ saya akan rupanya*;

terpandangkan terpandang akan: *apabila ~ Milah yg sedang muncung, dia cepat-cepat mengalih mukanya*;

memandangkan memikirkan, (apabila) mempertimbangkan atau memperhitungkan: *~ pengalaman puan selama ini saya dgn sukacitanya melantik puan sbg ahli jawatankuasa Kongres Cendekiawan Melayu ke III;*

pandangan 1. hasil perbuatan memandang: *ia memusatkan ~nya pd gadis itu; mencuri ~ memandang dgn tidak diketahui orang;* **2.** apa yg terlihat (tergambar) di mata, hasil perbuatan memandang: *dgn mendekatkan mata pd kanta itu kita nampak satu ~ yg luas; wang hantaran ini dikeluarkan sahaja buat ~ orang ramai;* **3.** a) yg menjadi perhatian: *anak muda itulah yg menjadi ~nya;* b) ki yg dihormati (dicita-citakan dll): *dialah ~ orang di kampung itu;* **4.** anggapan, pendapat, tanggapan, fikiran: *~nya terhadap Aini tidak berubah; ~ hidup pendapat tentang hidup, falsafah hidup; ~ politik pendapat terhadap politik, falsafah politik;*

berpandangan mempunyai pandangan (bahawa), berpendapat: *ia ~ bahawa nilai karya sastera harus dilihat drpd aspek etika dan agama; mereka juga ~ sama tentang perkara ini; ~ jauh mempunyai hematan dan kebolehan menjangka (keperluan, masalah, perkembangan, dsb) yg akan datang atau timbul: kita memerlukan rancangan yg rapi dan jangka waktu yg agak panjang, di samping pemimpin-pemimpin negara yg berkaliber, matang, berani dan ~ jauh;*

pemandangan 1. keupayaan (kemampuan) mata utk memandang, pelihatan: *~nya sudah kabur;* **2.** sl pemerhatian: *pd ~ patik ada juga sesuatu kedukaan tuanku, katakan kpd patik, mudah-mudahan dapat patik membicarakan dia;* **3.** keadaan (alam dll) yg indah dipandang: *bukan buatan indah ~ dewasa itu; lukisan ~ lukisan bkn alam;* **4.** hasil memandang, pandangan: *~ dr depan berbeza dr belakang;* **5.** pendapat, pandangan, pengetahuan:

memberikan ~nya tentang ciptaan itu; jauh perjalanan, luas ~ jauh perjalanan, luas pengetahuan; ~ umum pemandangan mengenai seluruh soal atau hal; 6. ulasan, komentar: ~ politik hari ini;

sepandangan sejauh yg dapat dipandang;

pemandang 1. orang yg memandangi; **2.** sl pandangan, pelihatan.

pandau ark paya, rawa.

pandemik wabak penyakit yg tersebar dgn begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia.

pandiang pelacur, sundal.

pandidip Br gores api, mancis.

pandir bodoh, tolol: *memang engkau sudah ~ ; bagaimana ~ dan gila cita-citanya; Pak P~ orang bodoh;*

sepandir seabodoh, setolol;

kepandiran kebodohan, ketololan;

kepandir-pandiran kebodoh-kebodohan.

pandu I 1. = **pemandu** orang yg menunjukkan jalan (di laut dll), perintis jalan: *hamba sanggup menjadi ~ kpd ketua-ketua kita itu; 2.* kapal yg menunjukkan jalan (di pelabuhan), mualim; **3.** Id anggota pasukan pengakap; *~ puteri* anggota pasukan pengakap wanita;

berpandu memakai penunjuk jalan; *peluru ~ peluru* yg boleh dikawal secara elektronik semasa penerbangannya utk menuju ke arah sasarannya;

berpandukan 1. memakai penunjuk jalan; **2.** memakai sesuatu sbg petunjuk (pedoman, pimpinan, dll): *membina jambatan ~ pelan;*

memandu 1. memimpin: *dialah yg ~ angkatan sepuluh orang itu ke Pulau Tioman; 2.* membawa (kereta, kapal terbang): *~ kereta dgn laju;*

memandukan menunjukkan (kapal dll) jalan, memimpin (kapal dll);

panduan **1.** orang yg menunjukkan jalan, pengiring; **2.** pedoman, petunjuk, pimpinan: *Quran ialah kitab Islam yg mengandungi segala ~ bagi umat Islam*; **3.** sesuatu yg dipakai utk rujukan (utk mengetahui nama, alamat, butir-butir, dll); ~ *telefon* buku yg mengandungi nombor telefon dan alamat pemunya;

kepanduan perihal pandu;

pemanduan perbuatan memandu (kereta, kapal, dll): *ia akan lebih awas dgn ~ keretanya*;

pemandu **1.** orang yg memandu (menunjukkan jalan), pandu, perintis jalan: *mereka menjadi ~ kpd gerila-gerila Indonesia*; **2.** orang yg memandu atau membawa (kereta, kapal terbang, dll): ~ *bas*.

pandu II; memandu mencuba, menguji; ~ *pakaian* mencuba pakaian; ~ *senjata* mencuba atau menguji senjata.

pandu uji perihal atau perbuatan memandu sesebuah kenderaan bermotor (kereta, motosikal dsb) seketika, terutamanya oleh bakal pembeli, utk menguji atau menilai apa-apa jua kelebihan atau kelemahannya: *semua bakal pembeli diberi peluang melakukan ~ kereta model yg terbaru itu*;

memandu uji memandu sesebuah kenderaan bermotor, spt kereta dan motosikal, utk menguji atau menilai kelebihan atau kelemahannya, melakukan pandu uji: *selepas ~ Jaguh, dia mendapati motosikal ini mudah dikendalikan*.

panel **1.** kumpulan orang yg membincangkan sesuatu tajuk, biasanya berkaitan dgn politik, ekonomi, dll di hadapan para pendengar atau penonton; **2.** kumpulan orang yg dilantik atau dipilih itu utk melakukan tugas tertentu: *beliau dilantik menjadi ketua ~*

jurulatih sepenuh masa; **3.** kepingan kayu atau papan yg disambung-sambung dan digunakan utk menghias dinding.

panembrama Jw lagu utk menghormati (menyambut) kedatangan tetamu dll;

berpanembrama berlagu dan berhibur.

panen (panén) Jw **1.** = **panenan** pemungutan hasil sawah atau ladang, penuaian: *mereka mesti dapat memberi nasihat dan memimpin orang desa bagaimana dapat membesarkan ~*; **2.** memungut hasil cucuk tanam dr sawah atau ladang, menuai: *apabila musim ~ tiba, kami semua harus ke sawah.*

pang 1. bunyi spt bunyi orang menampar; **2.** Kd tampar.

pangah; terpangah ternganga.

pangalaban Br **1.** sj tumbuhan (pokok) yg buahnya boleh dimakan, *Litsea garciae*; **2.** sj kuih basah yg bentuknya spt buah pangalaban.

pangan I ark hutan; *orang* ~ orang asli yg tinggal di hutan Malaysia.

pangan II Jw makanan; *sandang* ~ pakaian dan makanan, keperluan hidup.

pangeran (pangéran) Jw gelaran utk anak (keluarga) raja dan orang besar.

pangestu (pangéstu) Jw berkat, restu: *orang Bali yakin bahawa aku membawa ~ kpd mereka.*

panggak Mn bangga, megah, sombong;

memanggakkan membanggakan, memegahkan, menyombongkan: *tidak ada kuasa dan pangkat yg hendak dipanggakkannya.*

panggal I potong, penggal;

panggalan Mn galah (utk mengait buah-buahan dll).

panggal II Br nilai wang yg besarnya 14 sen.

panggang yg dimasak (dipanaskan, didinginkan) di atas bara api: *ayam ~; ikan ~; pulut ~; ~ peringgi* baru hendak masak (padi dll); *jauh ~ dr api* prb tidak kena atau jauh drpd yg dimaksudkan;

memanggang 1. memasak (memanaskan, mendiangkan) di atas bara api: *~ ikan*; **2.** Mn membakar: *maka berkedut-kedut yg hitam dipanggang cahaya matahari*;

dipanggang tiada hangus prb beberapa kali menempuh kesusahan (bahaya) tetapi selamat; *terlampau panggang jadi hangus* prb terlalu meninggikan diri jatuh juga akhirnya;

panggangan 1. bahan yg dipanggang; **2.** hasil memanggang;

pemangangan perihal (proses atau perbuatan) memanggang;

pemanggang alat (penyepit) yg digunakan utk memanggang.

panggar I sj para-para utk menjemur ikan dll, panggau.

panggar II Tr **1.** membuang, memotong (kulit kayu, rambut, dll), papar: *rambutmu sudah panjang. Pergi ~ di kedai gunting*; **2.** tempat ayam bertenggek di dlm reban, tempat burung bertenggek di dlm sangkar.

panggas tempat yg bertiang dua (utk menyimpan kayu api).

panggau 1. panggar; **2.** Br, Sr sj katil yg berukir-ukir (utk Sultan, pengantin).

panggil; memanggil 1. menyuruh datang (balik) dgn menyebut nama dll: *maka bertemulah dgn sebuah perahu peraih ikan, maka dipanggil, lalu datanglah ia*; **2.** menjemput, mengundang (ke majlis kenduri dll): *segala orang yg berkenaan akan dipanggil utk menyaksikan perayaan itu*; **3.** menamakan, menggelar, menyebut: *buah ini dipanggil timun; selama besar ini dia termalu-malu ~ abang*;

belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang prb terlalu rajin (lekas mengerjakan sesuatu yg disuruh); *kalau*

dipanggil dia menyahut, bila dilihat dia bersua prb jawaban yg tepat bagi sesuatu pertanyaan;

memanggil-manggil menyebut (meneriak) nama seseorang berulang kali: *tatkala ahli keluarga sedang bersarapan di dlm rumah, kami terdengar orang ~ ayah dr luar; anak itu menangis sambil ~ ibunya;*

memanggilkan 1. memanggil utk: *panggilkan dia sebuah teks;* **2.** memanggil (menyebut) dgn: *ia berasa gembira apabila orang ~ tuan kepadanya;*

terpanggil 1. Mn dipanggil (disuruh datang) kerana sesuatu perkara: *seisi pasar tempat kantor Tuanku Demang berdiri sudah tahu bahawa Yusuf ~; bagi seseorang gadis tidak baik ~-panggil ke pengadilan;* **2.** berasa terdorong (tertarik, bertanggungjawab, terpengaruh dsb) utk melakukan sesuatu: *sbg penyanyi, dia turut ~ utk memikul tanggungjawab menangani gejala sosial yg membimbangkan ketika ini; dia semacam ~ utk menolak dan menentang sekeras-kerasnya gagasan itu;*

panggilan 1. suara memanggil: *dlm gelap itu terdengar suatu ~ yg jelas dr jalan;* **2.** ajakan, jemputan, undangan: *hatiku berdebar-debar, tentu ~ ini bersangkutan dgn kerosakan di kilang elektrik; dia sendiri kurang pasti tentang tujuan ~ ketua kampung malam itu;* **3.** gelaran, sebutan nama: *ia pun menukarkan nama dgn ~ Ken Anglira Sari;* **4.** orang yg dipanggil;

~ hidup (jiwa) kesukaan atau kecenderungan dlm sesuatu lapangan (pekerjaan dll); ~ jauh = ~ STD = ~ nasional panggilan yg dibuat ke tempat yg melebihi 4 km dr ibu sawat, biasanya caj akan dicetak pd bil telefon dgn butiran terperinci; ~ kejut panggilan melalui telefon yg bertujuan menyedarkan atau mengejutkan tetamu yg menginap di hotel dsb, biasanya dibuat oleh pihak hotel

dsb atas permintaan tetamu; ~ *mulut* jemputan dgn mulut (tidak dgn kad dll); ~ *tempatan* panggilan yg dibuat dlm jarak 4 km dr ibu sawat; *P~ Terus Antarabangsa* panggilan telefon ke luar negara yg boleh dilakukan secara terus kpd orang yg dihubungi tanpa perlu menggunakan khidmat operator.

pemanggil (orang) yg memanggil: *dinanti-nantilah oleh semua ~ itu akan Pak Lebai beberapa lamanya hingga beralih matahari; canang ~ canang* utk memanggil (memberitahu);

sepemanggil sejauh suara orang memanggil.

panggil-panggil sj tumbuhan (pokok renek), *Clerodendron paniculatum*.

panggu Pn habuan, bahagian;

pangguk; memangguk meletakkan sesuatu ke atas benda lain: *jala yg ditaruhnya dlm petak diambilnya dan dipangguk pd lengannya.*

panggul I Jk pangkal paha.

panggul II Jw; **memanggul** memikul, menjulang: ~ *senjata; ~ tajak.*

panggung 1. lantai yg bertiang (utk meninjau-ninjau dll); *rumah ~ a)* rumah yg bertiang (tinggi); b) rumah bertingkat; **2.** pentas tinggi tempat bermain sandiwara dll; ~ *wayang (gambar)* tempat menayangkan wayang gambar; *seri ~* pelakon bangsawan (sandiwara) yg utama (terkemuka); **3.** tempat duduk penonton yg tinggi (di stadium dll); **4.** penonton wayang dll;

berpanggung mempunyai panggung: *rumah Melayu awal ialah rumah ~ dan berbumbung lipat kajang;*

memanggung mengangkat; ~ *kepala* mengangkat kepala: *Tukya ~ kepala melihat Besah yg bertimpuh di sisi Lamin;*

memanggungkan memainkan sandiwara di panggung, mementaskan;

panggung 1. lantai yg tinggi utk meninjau (menonton dll); **2.** penonton (wayang dll);

pemanggungan kegiatan (usaha) mempersembahkan sandiwara di panggung, pementasan (sandiwara) di panggung: *di tangannya sudah ada tradisi penulisan skrip; pengarahan, ~, dan aspek-aspek pementasan yg lain.*

pangkah I; memangkah 1. menghentakkan (membantingkan) gasing ke atas gasing lain; **2.** mengalahkan lawan (dlm permainan terup dll).

pangkah II tanda silang spt tanda kali dll;

berpangkah bertanda pangkah: *petak ~ menunjukkan aspek keluaran yg dipentingkan;*

memangkah membuat tanda pangkah (pd jawaban yg salah pd kertas peperiksaan dll): *~ kertas undi.*

pangkai I ark; *bertikai-~ bertengkar, berselisih.*

pangkai II ark besar.

pangkal 1. bahagian permulaan (pokok, tongkat, dll), lwn hujung: *buah kelapa keluar bertandan-tandan di ~ pelepahnya; Haji Maun menggigit-gigit ~ cerut;* **2.** permulaan, awal: *pergerakan kebangsaan itu telah bermula pd ~ abad kedua puluh;* **3.** asal, mula, sebab: *Ramli menjadi ~ sebab drpd perbuatan-perbuatan wanita itu; hujung ~ sebab-musababnya (permulaan dan keputusannya dll);* **4.** modal; *wang ~ a) wang modal; b) yuran masuk menjadi ahli (persatuan dll);*

~ bahu bahagian bahu dekat leher; *~ bedil* tangkai atau gagang bedil; *~ cerita* pokok (dasar) cerita; *~ hidung* bahagian sebelah atas batang hidung di antara mata; *~ jalan* a) permulaan jalan; b) ki keadaan (kelakuan dll) yg mula-mula; *~ kata* a) kata pokok, kata dasar; b) permulaan percakapan; *~ kaki* bahagian di atas kaki (kuda); *~ leher* leher di sebelah bawah; *~ lengan* lengan sebelah atas di bawah bahu; *~ mata* bahagian mata berhampiran hidung; *~ nama* Id nama benar (bukan nama keluarga dll); *~ paha* paha

sebelah atas; ~ *pedang* hulu (tangkai) pedang; ~ *pokok* = *pokok* ~ sesuatu yg menjadi sebab (pokok, punca) percakapan (perbuatan dll); ~ *rumah* bahagian rumah di sebelah atas tangga; ~ *tangan* bahagian tangan di bawah siku; ~ *telinga* bahagian di antara telinga dan kepala; *si* ~ = *si* ~ *helat* Mn tuan rumah (penerima tetamu);

berpangkal bermula, berasal, berpunca: *sering terjadi ketegangan di rumah itu ~ drpd adanya perbezaan pendirian antara keluarga; tidak berhujung, tidak* ~ tidak tentu atau tidak keruan sebab-musababnya (permulaan dan kesudahannya dll);

berpangkalkan mempunyai atau menggunakan sesuatu sebagai pangkal: *nama sesuatu yg khusus yg ejaannya ~ huruf besar;*

memangkal, mangkal Jk berhenti di sesuatu tempat yg tertentu (teksi dll);

memangkalkan 1. menyimpan perahu dll di darat; 2. menempatkan tentera (kapal terbang dll) di pangkalan; 3. mengumpulkan (menaruh) barang-barang di suatu tempat (utk diangkat dll);

terpangkal pokoknya, modalnya; *menjual* ~ menjual dgn tidak ada laba;

pangkalan 1. tempat perahu dll berhenti (berlabuh); 2. tempat barang-barang dagangan dll dikumpul (utk diangkat dll); 3. pelabuhan (lapangan terbang dll) yg menjadi tempat utk mengadakan latihan, melancarkan serangan dsb: *dua ribu kapal terbang menyerbu ~ roket ini dan meranapkan landasannya; ~ armada* pangkalan kapal-kapal perang; 4. Jk tempat tertentu utk berkedai, perhentian teksi, dsb;

~ *data* simpanan sejumlah besar data dlm bentuk yg dapat dikendalikan oleh komputer; ~ *tentera udara (laut)* pangkalan

tempat operasi tentera udara (laut); *si* ~ Mn tuan rumah (penerima tetamu);

sepangkalan Mn tuan rumah (pd sesuatu jamuan dll);

berpangkalan mempunyai pangkalan (di): *penempatan tentera Amerika Syarikat yg ~ di Teluk Subic telah pun berakhir pd 24 November 1992.*

pangkas; *toko* ~ kedai gunting rambut; *tukang* ~ tukang gunting (cukur);

berpangkas bergunting rambut: *janganlah tuan-tuan bersorak dahulu, anak raja ~ gambak;*

memangkas **1.** menggunting rambut supaya rapi: *rambut di pelipisnya menjulur tidak dipangkasnya;* **2.** memotong hujung (rumput, pokok, dll), mencantas: *jikalau ia tidak dipangkas atau ditutuh nescaya ia tumbuh menjadi pokok yg besar;* ~ kata ki meringkaskan cerita;

terpangkas memangkas atau dipangkas dgn tidak sengaja: *dia ~ dahan anak rambutan itu;*

pemangkasan perbuatan (kerja dsb) memangkas: ~ *perlu dilakukan utk membuang daun atau dahan yg rosak;*

pemangkas **1.** perkakas atau alat utk memangkas (memotong): ~ *rumput;* **2.** orang yg memangkas, tukang pangkas.

pangkat **1.** sj tingkat (mahkota, bumbung istana, dll): *dikenakan mahkota di hulu baginda dua belas ~; besar istana itu tujuh belas ruang, ruangnya tiga-tiga depa, besar tiangnya sepemeluk, tujuh ~ kemuncaknya;* **2.** lantai (panca-persada): *maka ia menyuruh membuat panca-persada tujuh ~;* **3.** tingkat atau lenggek (rumah dll); **4.** martabat, darjat, kedudukan: *yg dipandang orang bukannya budi tetapi ~ dan harta;* **5.** tingkatan kedudukan dlm kerja (di pejabat, dlm ketenteraan, dll): *Karim diberi ~ koperal; guru-guru besar yg ada hati perut mahu naik ~, mahu jadi guru-*

guru pelawat; gila ~ terlalu ingin mendapat pangkat; naik ~ a) mendapat pangkat (yg lebih tinggi); b) naik kelas; tanda ~ tanda yg menunjukkan pangkat; turun ~ a) turun kedudukan dlm pejabat dll; b) turun kelas; 6. kelas, darjah, tingkatan (di sekolah dll): murid-murid ~ lima; 7. taraf (darjah) kelulusan peperiksaan (sijil dll): kelulusan bahasa Melayu ~ kepujian; Sijil Persekolahan ~ satu; 8. tingkatan atau kedudukan dlm pertalian keluarga: dia ~ anak saudara pd saya; 9. Id hasil menggandakan sesuatu bilangan dgn mendarabkannya (beberapa kali) dgn bilangannya sendiri, kuasa: dua ~ tiga ialah $2^3 = 2 \times 2 \times 2$;

sepangkat 1. sama pangkatnya, setaraf, sedarjat; **2.** sama umurnya, sebaya;

berpangkat 1. mempunyai (memegang) pangkat: *ketika itu suaminya bekerja menjadi S.C. tidak ~ apa-apa; sekarang ia ~ kapten; 2.* mempunyai darjat (kedudukan) tinggi, bangsawan: *di sekelilingnya dilihatnya orang tua-tua dan orang besar-besar yg ~ belaka; 3.* berkedudukan tertentu dlm pertalian keluarga: *dia mesti menziarahi ibu keluarganya kerana kewajibannya sbg orang ~ tua dlm puaknya; pulai ~ naik, manusia ~ turun* prb manusia mati mestilah meninggalkan nama dan perbuatan yg baik;

berpangkat-pangkat bertingkat-tingkat, bersusun-susun;

memangkatkan 1. menentukan atau menetapkan pangkatnya; **2.** mengangkat, melantik; **3.** menaikkan sesuatu bilangan ke pangkat dua (tiga dll);

kepangkatan perihal pangkat (martabat, darjah, dll);

pemangkatan ark pemberian pangkat, pengangkatan, pelantikan.

pangkin 1. sj tempat spt para (biasanya di pasar) utk penjual meletakkan barang jualannya (spt ikan, sayur, dll); **2.** = pangking.

pangking C **1.** sj tempat tidur yg merupakan lantai yg ketinggian; **2.** bilik tidur.

pangku riba, ribaan: *tuanku Malim Deman bersenda gurau dgn tuan Puteri Bungsu, pujuk, ~, belai, menghabiskan kesukaannya;*

berpangku (duduk, tidur, dll) di atas pangku: *dia menjenguk ke dlm seketika dan mendapati orang banyak, ada yg sedang ~-pangku; anak kecil selalu berkehendakkan kebiasaannya itu umpamanya tidur berkipas, tidur ~, tidur berbuai; ~ tangan tidak berbuat apa-apa, tidak melakukan apa-apa kerja;*

memangku **1.** meletakkan sesuatu di atas riba (dan memegang atau memeluknya), meriba: *aku tidak dapat ~nya lagi di atas lututku;* **2.** membawa sesuatu di atas lengan yg dibengkokkan (seakan-akan mendakapnya): *enam belas jawatan ~ perkakas kerajaan dan memegang dian; bininya dipangku dan dibawa keluar dr semak itu;* **3.** ark memeluk atau menganut (agama, ideologi, dll); **4.** mengelolakan atau menyelenggarakan (kerajaan, negara, dll): *~ negeri;* **5.** mewakili (sbg wali), memegang jawatan sementara bagi menggantikan pegawai dll yg tetap: *Raja Abdul Jalil dirajakan spt wasiat Sultan Muzaffar Shah itu, dipangku oleh Bendahara; kerana Maha Hakim itu bercuti atau sakit, maka tempatnya boleh dipangku oleh seorang Hakim Besar;* **6.** memegang sesuatu jawatan (pangkat), memikul tanggungjawab: *siapakah yg ~ jawatan pengarah syarikat itu pd masa ini?; jangan ~ ayam jantan, baik ~ ayam betina prb kalau pergi ke negeri orang janganlah menghabiskan harta tetapi hendaklah mencari keuntungan;*

pangkuan **1.** ribaan: *ia membaringkan Masdi di atas ~nya;* **2.** ki kalangan, lingkungan: *Irian Barat telah kembali ke ~ ibu pertiwi;*

ia membaca doa perlahan-lahan supaya Jospin dikembalikan semula ke ~ mereka;

pemangkuan **1.** perbuatan memangku; **2.** perbuatan mengelolakan (negara, tanah, dll);

pemangku **1.** orang yg memegang sesuatu jawatan; **2.** timbalan (raja, pegawai, dll); ~ *raja* timbalan raja: *Tun Abdul Razak*, ~ *Perdana Menteri*; **3.** orang yg menyelenggarakan pemerintahan dll, pengelola.

pangkung; memangkung memukul kuat-kuat (dgn belantan dll).

pangkur cangkul, pacul;

menjual tangkal ~ dedap prb menceritakan yg bukan-bukan (cerita bohong); *meraih ~ ke dada* prb a) berasa insaf akan diri; b) berasa tersindir (tersinggung);

memangkur mencangkul.

panglima **1.** sl hulubalang, ketua pasukan: *ia menyuruh ~ berbaju rantai serta dgn beberapa orang pergi mengamuk kenaikan baginda*; **2.** ketua atau pemimpin angkatan tentera: *Jeneral Suharto*, ~ *angkatan darat mengambil alih kekuasaan-kekuasaan politik*; ~ *Agung (Besar)* panglima tertinggi yg memerintah sesuatu angkatan tentera (drpd berbagai-bagai pasukan); ~ *gajah* sl ketua yg menyelenggarakan urusan gajah;

P~ Mangku Negara (P.M.N.) bintang kehormatan kelas dua (pemiliknya bergelar Tan Sri dan isterinya Puan Sri); ~ *pangkalan* ark syahbandar; ~ *perang kanan (kiri)* panglima perang yg di bawah panglima besar;

misai bertaring bagai ~, sebulan sekali tak bunuh orang prb rupa sahaja hebat (garang) tetapi penakut.

panglin; *burung ~ sj* burung, ayam air, burung pangulin, *Porphyrio poliocephalus viridis*.

pangling Jw lupa, tidak kenal lagi: *aku sama sekali tidak ~ padanya.*

panglong C perusahaan menebang kayu orang-orang Cina.

pangonan Jw padang rumput tempat binatang ternakan merumput.

pangreh (pangréh); ~-*praja* ark pamung praja, pegawai pemerintah negeri.

pangsa petak atau bahagian-bahagian dlm buah-buahan dll (spt dlm buah durian): ~ *durian*; *rumah* ~ satu set bilik serba lengkap yg digunakan sbg tempat kediaman; ~ *menunjukkan bangsa, umpama durian = spt durian menunjukkan ~nya* prb kelakuan dan percakapan seseorang itu menunjukkan baik atau jahat asalnya (perangainya);

berpangsa **1.** mempunyai pangsa, ada pangjanya: *sebuah kotak kaca ~ dua*; **2.** berulas: *urat-urat daging mereka timbul ~-pangsa akibat menggunakan tenaga sepanjang hari.*

pangsai C buang air besar.

pangsapuri rumah pangsa moden yg lazimnya besar dan luas, dgn disediakan beberapa kelengkapan dan kemudahan.

pangsi I **1.** paku gasing, paksi; **2.** (Kej) paksi pd motokar (enjin dll);

berpangsikan ki menganggap atau menjadikan sesuatu sbg keutamaan (teras, dasar dsb), berteraskan, berdasarkan, bertunjangkan: *gaya hidup yg ~ mutu telah mendorong ramai orang menggunakan kristal sbg hiasan;*

memangsikan memasang (mengenakan) pangsi pd, menempatkan di atas pangsi, melekatkan (menyambungkan) dgn pangsi dll.

pangsi II C sj kain sutera hitam.

pangsit sj makanan orang Cina.

panguk; **terpanguk** terdongak.

pangulin; *burung* ~; → **panglin**.

pangur **1.** Mn kukuran, pengukur; **2.** sj kikir, patar.

pangus I sl cekap, tangkas: *terlalu baik parasnya, sedap, manis, pantas, ~, tiada siapa taranya pd zaman itu.*

pangus II; memangus berbunyi spt bunyi ikan lumba-lumba.

pani; nibung ~ bulu (janggut) jagung.

panik cemas (takut, bimbang, gelisah dsb) yg datang dgn tiba-tiba: *saya benar-benar ~ ketika itu; kadangkala kita mudah ~ apabila diarah menyiapkan sesuatu projek dgn segera;*

kepanikan 1. perasaan atau keadaan panik (cemas): *~ benar-benar mencengkamnya; ~ jelas terbayang di wajahnya; 2.* mengalami perasaan panik, dlm keadaan panik: *orang tua yg ~ itu telah bergegas melarikan diri ke dlm belukar; nampaknya dia ~.*

panili IB sj tumbuhan yg menjalar dan harum bau buahnya (digunakan utk mewangikan kuih dll).

panir ark keju.

paniradya Jw ark jabatan; *~ pati* ketua jabatan (departemen).

panitera penulis, setiausaha; *~ jaksa* penulis (kerani) kejaksaan; *~ pengadilan* penulis (kerani) dlm pengadilan;

kepanitera **1.** jawatan atau pejabat panitera (setiausaha); **2.** pentadbiran (dlm persatuan dll).

panitia jawatankuasa: *membentuk satu ~ khusus utk menyelidiki sebab-sebab bencana; ~ bahasa Melayu-Indonesia.*

panja; mengarak ~ mengarak jari-jari tangan (drpd gangsa) yg dihiasi dgn bunga-bunga di atas tabut (perarakan Hasan Husain).

panjak pemain muzik gamelan (kadang-kadang bermain sbg penyanyi atau penari).

panjang I 1. lwn pendek: *tali itu ~; penselnya masih ~ lagi; 2.* lwn lebar, bujur: *mukanya ~; 3.* tinggi: *badannya ~ lampai; 4.* berlarut-larut, luas: *cerita yg ~; berfikir ~; 5.* lama: *~ umurnya; 6.* jarak dr hujung ke hujung (di antara dua tempat), lwn lebar: *~ sebuah bilik*

tiga meter lebih drpd lebarnya; 7. jarak masa, lama: ~ waktu siang di khatulistiwa sentiasa selama 12 jam;

~ akal (ingatan, kira-kira) tidak sempit (pendek) akal, boleh berfikir baik-baik; ~ bulat panjang dan bulat (spt buluh), bulat torak; ~ ekor berani berbuat jahat (melanggar peraturan); ~ gelombang (Fiz) jarak di antara dua puncak gelombang yg bersebelahan; ~ ikatan (Kim) jarak di antara dua nukleus atom yg terikat bersama dlm satu sebatian; ~ lampai kecil tinggi (badan); ~ lanjut (lebar) dgn butir dan keterangan yg banyak; ~ lidah (mulut, muncung) suka mengadu atau menyampaikan-nyampaikan cakap orang, suka menceritakan hal orang; ~ nafas tidak pendek nafas, boleh berlari jauh; ~ pendek panjang atau pendek; ~ tangan suka mencuri; ~ tangkai Mn hujan; ~ umur (usia) lama hidup;

~ langkah singkat pinta (permintaan) prb sudah sampai ajal, meninggal dunia; ditindih yg berat dililit yg ~ prb kemalangan yg tidak dapat dielakkan; hendak ~ terlalu parah prb hendak meninggikan diri sangat, akhirnya jatuh; kalau ~ beri beruas, kalau pendek beri berbuku prb sebelum berbuat sesuatu tentukan aturan-aturannya supaya tidak kacau; mendapat ~ hidung prb mendapat malu; sama ~ dgn urat perut (belikat) prb terlalu bohong; sudah ~ langkahnya prb sudah meninggal;

sepanjang 1. sejauh, mengikut panjang: *matanya menyelusur ke ~ tembok itu; ia pun menyuruh membuat kubu ~ sungai itu; 2.* segenap waktu, selama, seluruh: *~ perjalanan itu mereka terus berbual-bual; ia memandang muka kawannya yg ~ masa tunduk sahaja; ~ tahun selama setahun penuh; 3.* mengikut, pada: *~ pengetahuan saya, penyakit ini tiada namanya dlm bahasa Melayu; ~ yg mereka ketahui;*

berpanjang; ~ *kalam* menceritakan dgn lanjut (panjang lebar); ~ *madah* bercakap banyak-banyak;

berpanjang-panjang bercakap dgn panjang lebar: *janganlah saudara ~ kerana kita sudah tidak ada masa lagi;*

berpanjangan, berpanjang-panjangan berlanjut-lanjut, berlanjutan, tidak berkeputusan, berterus-terusan: *inginkah saudara soal ini diusut berpanjang-panjangan; kemesraan yg ~;*

memanjang 1. menjadi panjang (lanjut): *spring itu ~; tepuk tangan yg ~;* **2.** mengikut panjang, membujur: *potong sekeping kain ikut tepi atau ~;* **3.** terletak dll mengikut panjang, tidak melintang: *di ampaian di tepi beranda yg ~ bangunan itu bergantung pakaian kerja;*

memanjangkan 1. menjadikan panjang, melanjutkan, meneruskan: *dan Tuk Hassan Temenggung yg pertama melabuhkan baju Melayu, dan membesarkan pangkal lengan, dan ~ tangan baju; aku bersyukur kpd Tuhan yg telah ~ umurku; keadaan ini akan menyebabkan pemulihan ekonomi tidak dapat dikekalkan serta ~ kemelesetan yg sedang berlaku;* **2.** menyampaikan: *segala keputusan yg dibuat akan dipanjangkan kpd kerajaan;*

memperpanjang menjadikan lebih panjang: *jalan-jalan raya akan dibina, diperpanjang, dan diperlebar dlm kawasan-kawasan yg berpenduduk padat;*

panjangan lanjutan;

kepanjangan 1. perihal panjang (lama dll), kelanjutan: *kata pengantar yg ditulisnya itu memang panjang, satu ~ yg disengajakan;* **2.** terlalu panjang: *nampak seolah-olah kaki dan lengannya terlalu ~;*

berkepanjangan berpanjang-panjang, berpanjangan: *abang memohon doa yg ~ drpd engkau; zaman yg ~;*

pemanjangan perihal atau perbuatan memanjang(kan): *Hukum Hooke menyatakan bahawa ~ dawai atau spring itu adalah berkadar dgn beban pd dawai-dawai atau spring itu;*

pemanjang sesuatu yg memanjangkan: *huruf ~ bunyi.*

panjang II Pr panggilan kpd anak lelaki keempat.

panjar cengkeram, wang muka (pendahuluan): *kain itu diberikannya kpd kepala kampung itu, akan jadi ~;*

memanjari memberi panjar.

panjarwala kelasi yg bertugas di tiang kapal utk menggulung (membentangkan) layar dll.

panjat; memanjat 1. naik ke atas (pokok, tiang, dll); **2.** mendaki (bukit, gunung, dsb), menanjak: *mereka ~ Bukit Bendera beramai-ramai;* **3.** meminta ulang bicara di mahkamah yg lebih tinggi; *~ bersengkelit* prb sesuatu yg sudah menjadi adat (kebiasaan); *~ dedap* prb melakukan sesuatu dgn nekad (berani); *~ pokok cekur boleh mati jatuh* prb menerima hukuman yg berat kerana kesalahan yg sedikit; *spt ~ terkena seruda* prb mendapat rintangan sukar dlm sesuatu usaha;

memanjati memanjat pd: *surau di kampung itu dipanjati rumput;*

memanjatkan 1. menaikkan sesuatu pd; **2.** menyampaikan (membaca) doa kpd Tuhan: *~ doa; ~ puji dan puja kpd Tuhan Yang Maha Esa; ~ perkara* meminta perkara (tuduhan dll) diulangbicarakan di mahkamah yg lebih tinggi;

panjatan 1. tempat utk memanjat, pendakian; **2.** perihal memanjat, pendakian;

pemanjat (orang dll) yg memanjat.

panji = **panji-panji** bendera (biasanya yg bersegi tiga panjang); *di bawah* ~ di bawah naungan (dilindungi oleh); *spt* ~, *ditiup angin berkibar-kibaran* prb tidak tetap pendirian, ikut mana pihak yg kuat.

panjing (Palembang) ark menjadi hamba di rumah pesirah atau ketua kaum (bagi perempuan yg bunting di luar nikah dan enggan menyatakan lelaki yg bertanggungjawab);

memanjingkan menyuruh bekerja di rumah pesirah (orang yg tidak menunaikan kewajibannya).

panjunan sl tukang periuk belanga.

panjut I **1.** sj suluh (drpd damar berbungkus daun dll); **2.** belang putih pd ekor anjing dll; **3.** warna putih pd hujung mata keris.

panjut II pancut;

memanjut, memanjut-manjut memancut(-mancut), memancar(-mancar), memercik(-mercik);

memanjutkan memancutkan, memancarkan, memercikkan;

panjutan pancaran: *perlahan-lahan* ~ *sinar lampu menjadi kelam*.

panjut III; *seluar panjang* ~ seluar panjang yg ketat pd kakinya.

pankek (pankék) sj kuih yg bentuknya nipis, leper, bulat, dan diperbuat drpd tepung, susu, telur, dll.

pankreas (pankréas) (Bio) kelenjar yg terletak di belakang perut yg merembeskan enzim pencernaan spt lipase dan amilase serta hormon insulin dan glukagon.

panorama **1.** pemandangan yg luas terbentang dan tidak terhalang atau terganggu: *mata temannya merenungi* ~ *pergunungan Lompo Battang*; **2.** tinjauan yg menyeluruh atau komprehensif terhadap sesuatu perkara (keadaan, situasi dsb): ~ *sejarah bahasa Arab selama 2000 tahun*; **3.** gambaran yg luas tentang suatu siri

peristiwa yg sentiasa berubah-ubah: ~ *perubahan manusia sejak beribu-ribu tahun.*

panoramik bersifat (merupakan) panorama, luas terbentang: *pemandangan ~ Kota Kinabalu.*

panta sl guli.

pantai 1. tebing atau tepi laut (tasik, dsb) yg diliputi pasir (batu-batu kecil atau besar): *kereta mereka sudah sampai di ~ Songkhla; ~ menganjur* isi pantai yg memotong urat tanah; ~ *selari* (Geog) pantai yg selari dgn urat tanah; **2.** menurun sedikit, landai;

berpantai mempunyai pantai;

memantai 1. menuju ke arah pantai; **2.** turun (matahari).

pantak I; memantak masuk dalam-dalam (pasak dll): *perkataan-perkataan yg tajam ~ tepat ke telinga Pak Dollah;*

memantakkan 1. memasukkan dalam-dalam, menukul hingga masuk dalam-dalam (pasak, paku, dll): *muncung keluli ini dipantakkan ke dlm tanah; 2.* ki memasukkan (idea, konsep, dsb) ke dlm fikiran, mempengaruhi: *kanak-kanak kini turut membuat keputusan membeli jenama yg dipantakkan oleh iklan televisyen ke dlm fikiran mereka;*

pantakan hasil atau perbuatan memantakkan: ~ *itu meninggalkan lekuk yg dalam; kesan ~ itu menyebabkan masyarakat selalu berhati-hati ketika menggunakan gula dlm makanan dan minuman;*

pemantak alat utk memantakkan sesuatu, penukul.

pantak II Br, Sr (ilmu) sihir.

pantang 1. = **pantangan** sesuatu yg dilarang melakukannya (menurut adat atau kepercayaan), larangan: *bagi ibu-ibu yg sihat tiadalah apa-apa ~ atau larangan yg dikenakan tentang apa-apa makanan; ~ di hutan (di laut)* sesuatu yg tidak boleh disebut atau dibuat

sewaktu di hutan (di laut); **2.** = **pantangan** makanan (minuman) yg ditegah (terlarang) utk sesuatu penyakit dll: *penyakit gatal ini ~nya ialah udang; daging lembu ialah ~ bagi orang yg beragama Hindu*; **3.** keadaan tidak boleh melakukan atau memakan sesuatu (bkn perempuan sewaktu 44 hari selepas bersalin dll): *keadaan Minah selama dlm ~, tidur baring di atas penyalai; memang laki-laki ~ surut; dlm ~ dlm keadaan tidak boleh berbuat sesuatu yg terlarang selama 44 hari (bkn perempuan yg baru bersalin), dlm hari; makan ~ makan dgn tidak boleh memakan makanan tertentu*; **4.** tidak mahu (suka): *Lahuma tersangat ~ padinya dikacau musuh; dia berkepala batu, ~ menyerah*; **5.** tidak dapat (boleh): *orang sini ~ tengok orang yg belum berkahwin; musuh ~ dicari musuh tidak boleh (jangan) dicari*; **6.** = **kepantangan** sesuatu yg tidak disukai (dibenci, dikutuki);

~ *gelanggang* perbuatan yg dilarang melakukannya sewaktu menyabung ayam; ~ *larang* = ~ *pemali* bermacam-macam pantang atau larangan;

~ *kutu dicukur*, ~ *manusia dihina* prb berhati-hati bercakap supaya jangan sampai menghina orang yg dilawan bercakap; ~ *lang dgn ayam lambat-laun disambar juga* prb a) lelaki kalau berdekatan (bergaul) dgn perempuan akhirnya jadi tidak baik jua; b) pencuri tidak boleh melihat harta orang, lambat-laun dicurinya jua; ~ *mati sebelum ajal* prb tidak akan mati sebelum waktunya; ~ *si tegang dibawa mengetul* prb orang keras kepala tiada dapat mendengar kata (nasihat) orang;

berpantang 1. mempunyai pantang (tidak boleh makan dll sesuatu, tidak mahu atau tidak suka, tidak dapat atau tidak boleh): ~ *ayam dan daging*; **2.** ada larangannya, tidak bebas: *maka Hang Tuah pun keluar masuk tiada ~ lagi; jenaka Amerika timbulnya*

secara meluap-luap dan spontan, berbanding dgn jenaka Inggeris yg berpantang-pantang;

memantang 1. sengaja tidak mahu memakan dll sesuatu; *~ kopi* tidak mahu meminum kopi; **2.** menolak, menampek; *tiada ~ lawan* tiada menolak lawan;

memantangkan menjadikan pantang, melarang memakan (melakukan dll) sesuatu: *makanan-makanan ini tidak dipantangkan kpd semua orang; tiada ~ barang* sesuatu pekerjaan barang apa pekerjaan pun dikerjakan;

pantangan pantang, larangan, makanan (minuman) yg terlarang;

kepantangan pantang, yg tidak disukai: *bergambar bertiga itu ~ orang tua-tua;*

bagai memegang buah ~ buruk, ditelan mati emak diluahkan mati bapa prb serba salah; *pejatian awak ~ orang* prb berbeza (bertentangan) pendapat dgn orang ramai;

perpantangan bkn pantang: *barang ~;*

pemantangan perihal atau perbuatan memantang atau memantangkan: *kehamilan yg kerap dan ~ makanan yg berulang kali tidak memberi peluang kpd ibu yg bersalin utk kembali pulih kpd keadaan kesihatan yg asal.*

pantaran I Br beranda (biasanya tidak beratap) di bahagian hadapan ibu rumah.

pantaran II Jw; **sepantaran** sebaya.

pantas I 1. cepat, kencang, lekas: *ia menarik nafas dgn ~ dan kuat; langkahnya ~ dan pendek-pendek;* **2.** cekap, cekatan, mahir, tangkas: *Bakhtiar lebih ~ bekerja drpd dia; mereka lebih pandai, lebih cekap, lebih ~ daripadanya; ~ mulut* pandai (bijak) bercakap; *~ pangus* sl cepat dan cekap; *~ tangan* panjang tangan, suka mencuri;

sepantas-pantas biar betapa pun pantasny: ~ *seseorang itu berlari, akhirnya dia akan kecundang juga oleh jaguh itu;*

memantaskan mencepatkan, melekaskan: *langkahnya pun dipantaskan;*

kepantasan 1. kecepatan, kelajuan: *kuda atau zirafah badannya ramping dan lurus, sesuai benar dgn ~ larinya;* **2.** kecekapan, ketangkasan: *pd malamnya terdapat gelanggang manusia menunjukkan ~ pencak silatnya;*

pemantasan perihal (perbuatan, tindakan dsb) memantaskan, pencepatan.

pantas II **Jw 1.** patut, baik, layak: *beberapa mingguan dan harian memberikan honorarium yg ~; katanya tak ~ aku memanggil tukang lawak masuk ke rumah;* **2.** kena benar (dgn), sesuai (dgn), sepadan (dgn): *gaun itu ~ dgn potongan tubuhnya;* **3.** tampan, segak: *kita harus berpakaian yg ~; sebarang kelakuannya ~ manis semuanya;* **4.** patutlah, padanlah, sudah selayaknya: *~ Sopian mengatakan ia punya adik yg bodoh sekali; ~ tiap-tiap pegawai yg pulang ke negeri Belanda kaya-kaya belaka;*

sepantasnya selayaknya, sepatutnya: *"Tidak tuan," jawabku dgn suara rendah sambil memandang spt orang yg berdosa, hal mana ~ bagi orang yg sudah berkahwin;*

memantas mengemasi (menghiasi dll) supaya pantas (elok dll), mematut;

pemantas perhiasan dll yg dipakai supaya pantas (elok dll).

pantat 1. punggung; **2.** dubur; **3.** kemaluan perempuan; **4.** bahagian benda yg di sebelah bawah sekali: *~ cawan; ~ cerek; ~ kuning bp kedekut, kikir;*

hitam bagai ~ belanga prb tidak cantik (hitam dll); mulut disuapnya pisang, ~ dikaitnya dgn onak prb pujukan yg

mengandung tipu muslihat; *spt lebah, mulut membawa madu ~ membawa sengat* prb rupa elok dan manis cakupnya tetapi berperangai jahat (bkn perempuan).

pantau I Mn sj ikan sungai.

pantau II ark; **memantau 1.** menengok, melihat, menjenguk; **2.** memerhatikan dan memeriksa perkembangan (kemajuan, perjalanan dsb) sesuatu perkara, fenomena dsb secara kerap dan teliti, biasanya bertujuan utk mengawal, mencegah, memperbaiki, mengawasi dsb: *kerajaan sentiasa ~ harga barang keperluan asas agar para peniaga tidak mengambil kesempatan utk menaikannya dgn sesuka hati;*

terpantau dapat atau berupaya memantau atau dipantau: *pihak berkuasa tidak ~ segala kegiatan yg berlaku di perairan laut kita yg panjang dan luas itu; kegiatan haram itu tidak ~ ;*

pantauan hasil memantau: *tindakan susulan yg konkrit perlu diambil segera berdasarkan ~ yg dibuat oleh pihak yg berkenaan itu;*

pemantauan perihal (perbuatan, tindakan dsb) memantau: *~ terhadap perkembangan projek itu sering dilakukan;*

pemantau 1. orang atau pihak yg memantau: *pasukan ~ yg ditubuhkan itu perlu diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri;* **2.** alat utk memantau: *sistem ini juga menyokong peralatan lain termasuk ~ jantung wayarles.*

pantau III; memantau Sb menahan darah drpd keluar: *pihak doktor berjaya ~ tangan kanak-kanak yg tercedera dlm kemalangan itu, sebelum menjahit lukanya.*

panteisme (pantéisme) **1.** fahaman yg menyamakan Tuhan dgn kuasa dan hukum alam; **2.** kepercayaan bahawa Tuhan itu berada di mana-mana dlm alam dan cakerawala.

pantek (panték) Jw pasak;

memantek melekatkan kayu dll dgn menggunakan pantek (pasak), memasak.

Pantekosta (pantékosta) hari raya yg dirayakan lima puluh hari selepas hari raya Paskah (Kristian).

pantelon seluar panjang berkaki lebar yg berkedut di pergelangan kaki.

panti Jw rumah, tempat tinggal; ~ *asuhan* (rumah) tempat memelihara anak yatim (piatu); ~ *derma* rumah tempat merawat anak yatim (piatu, orang tua, dll).

pantik; memantik **1.** melagakan (menggosokkan) batu api (kayu dll) utk mengeluarkan api; ~ *api* membuat api dgn melagakan batu api (kayu dll); **2.** memetik (utk mengeluarkan bunyi) dgn menggesekkan ibu jari dgn telunjuk; ~ *urat (nadi)* mengeluarkan darah kotor dgn mencucuk urat darah;

pemantik; ~ *api* alat utk mengeluarkan api.

panting; pontang~ berserakan, kucar-kacir;

berpantingan berpelantingan, berhamburan jatuh;

terpanting terpelanting, tercampak jatuh.

pantis benda utk menghitamkan kening (alis);

berpantis ada pantisnya, dihitamkan dgn pantis: *kening tak ~*;

memantis menghitamkan kening (alis).

panto Mn ark belak, belang-belang atau garis-garis pd kayu.

pantograf **1.** alat utk menyalin pelan, gambar rajah dsb yg sebetuk pd skala tertentu; **2.** (Kej) alat yg membawa arus elektrik dr kabel atas ke bumbung kereta api.

pantomim drama yg dipersembahkan dgn menggunakan gerak-geri sahaja dan biasanya diiringi muzik.

pantri **1.** almari atau bilik kecil di dlm rumah tempat makanan disimpan;
2. bilik tempat menyimpan pinggan mangkuk, alas meja dsb, terutamanya di dlm kapal, hotel dsb.

pantul; memantul **1.** mengambil (spt bola yg dilontarkan ke dinding), menganjal, melantun: *tayar itu setiap masa ~ dr muka jalan*; **2.** berbalik tanpa menembusi sesuatu objek atau permukaan (bkn cahaya, gelombang, bunyi dsb): *cahaya ~*; **3.** ki melonjak semula (bkn harga saham dsb): *pasaran ~ dan memecahkan paras rintangan 730 mata*;

memantul-mantul memantul beberapa kali atau berulang kali: *bola itu kelihatan ~ lalu masuk ke dlm kolam*;

memantulkan menyebabkan (menjadikan) sesuatu memantul;

terpantul terkena pantul: *sinar yg ~*;

pantulan **1.** gerakan memantul (mengambil): *~ bola; ~ spring; ~ cahaya; ~ dalam penuh* (Fiz) pantulan lengkap sinar cahaya di sempadan dua medium ketika sinar itu berada dlm medium yg lebih tinggi indeks pantulannya; **2.** tindakan (gerak balas) yg automatik atau tidak disengajakan terhadap rangsangan; **3.** ki reaksi;

pemantulan perihal (proses, perbuatan dsb) memantul atau memantulkan: *~ mikrogelombang oleh bekas logam ke magnetron; Amanah Saham Wanita (Asnita) dijangka mampu memperlihatkan lonjakan menarik jika berlaku ~ pasaran pd paras selesa*;

pemantul permukaan (objek) yg memantulkan cahaya, bunyi, dll: *dinding itu boleh menjadi ~*.

pantun **1.** sj puisi lama yg biasanya terdiri drpd empat baris dlm tiap-tiap rangkap (dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan yg selainnya mengandungi maksudnya); *berbalas ~ mengucapkan*

pantun bersambut-sambutan; **2.** ark sj peribahasa yg digunakan sbg sindiran; **3.** ark sbg jawaban kpd tuduhan dll;

sepantun seperti, macam, seumpama;

berpantun mengucapkan (menyanyikan) pantun: *tiadalah pernah ia bertitah serta ~ seloka malam ini;*

berpantun-pantunan berbalas-balas pantun;

memantuni menyindir (mengejek) dgn pantun;

memantunkan mengarang (mencipta) pantun, menyatakan sesuatu dgn menggunakan pantun: *maka dipantunkan orang, "Murah kata derji, Empat hasta, sehelai baju, Muda berusul Lela Manja, Bagai mutiara dlm teraju";*

pemantun orang yg mengarang pantun.

panu Jk panau.

panunggul Jw tengkolok, kuluk, mahkota.

panus Ar ark kaki (penyangga) dian.

PAP kep *People's Action Party* (Parti Tindakan Rakyat, di Singapura).

papa I sangat miskin; ~ *kedana* terlalu papa; ~ *kerma* sl azab dan sengsara; *tujuh kali pindah jadi* ~ prb pekerjaan yg tiada tetap itu menambahkan kerugian sahaja;

memapakan menyebabkan (menjadikan) papa;

kepapaan keadaan papa: *menderita* ~;

pemapaan perbuatan menjadikan papa: *penganiayaan dan ~ secara tersusun.*

papa II bp bapa, ayah.

papadum popadom.

papah I; berpapah (berjalan atau bangun dgn) berpegang atau berpaut pd bahu orang dll: *dia ~ bangun;*

memapah membantu orang bangun (berjalan) dgn memegang (menopang) tangannya: *Sulong Muda ~ kekasihnya bangun; abang dan aku berjanji utk ~nya malam itu ke madrasah;*

papahan perihal memapah.

papah II Jw pelepah kelapa dll.

papah III Kl ragu-ragu: *saya ~ hendak buat atau tidak pekerjaan itu.*

papah IV Kl; **memapah** merempuh, melanda, melanggar: *motobot itu sedang ~ gelombang.*

papain (Bio) enzim pencerna protein yg terdapat di dlm buah dan daun betik, biasanya dihasilkan secara komersial dan digunakan sbg pelembut daging.

papak I 1. tidak tajam (runcing), pepat, rata; *rumah ~ rumah yg atapnya tidak merunjung (datar); 2.* = *orang ~ pondan, banci; ayam ~ ayam jantan yg tidak berbalung dan tidak berlawi.*

papak II; memapak mengunyah.

papak III; berpapakan berjumpa (bertemu) di jalan;

memapak menyambut (menjemput) kedatangan orang;

pemapakan perihal memapak, penyambutan.

papak IV sl pepak.

papak V; burung ~ sj burung, burung tirjup, *Lanius tigrinus.*

papakerma sl **1.** jahat; **2.** malang dan azab sengsara hidupnya.

papan I 1. keping kayu yg nipis atau lebar; *kilang ~ kilang utk membuat papan drpd kayu; rumah ~ rumah yg dindingnya drpd papan; 2.* keping (penjodoh bilangan petai, mercun, dll);

~ *bam* papan tumpuan kemudi atau tiang pd perahu (kapal); ~ *batu* papan drpd sj batu (utk menulis), batu tulis; ~ *berapit* papan di atas apit lempang; ~ *canai* papan utk mencanai; ~ *catur* papan utk permainan catur; ~ *cuki* papan utk permainan cuki; ~ *dam* papan utk bermain dam (tempat digerakkan buah dam); ~ *dondang* papan

buahian (ayunan); ~ *gentian* sj papan yg dibuat drpd gentian selulosa (yg dipadatkan dgn menggunakan haba dan tekanan); ~ *hitam* = ~ *tulis* papan yg biasanya bercat hitam tempat menulis dgn kapur; ~ *iklan* papan besar tempat dipaparkan sesuatu iklan; ~ *jongkang-jongket* papan permainan kanak-kanak yg boleh turun naik; ~ *karom* papan dgn empat penjuruanya berlubang (dan dibubuh jaring kecil) digunakan utk bermain karom; ~ *kedua* (Eko) papan penyenaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur yg menyenaraikan saham syarikat sederhana dgn modal berbayarnya antara RM 5 juta hingga RM 20 juta; ~ *kekunci* alat yg mempunyai set kekunci yg digunakan utk memasukkan data ke dlm komputer; ~ *kenyataan* papan tempat ditulis atau ditampal kenyataan (larangan, pengumuman, dll); ~ *keranda* papan utk membuat keranda; ~ *lantai* papan yg digunakan utk membuat lantai; ~ *lapis* papan yg merupakan satuan drpd kepingan nipis papan; ~ *lukis(an)* papan tempat kertas disemat (direntangkan dll) supaya senang melukis; ~ *nada* (Muz) alat yg mempunyai set kekunci yg mengeluarkan nada berbeza apabila ditekan, mis pd piano, organ dsb; ~ *notis* papan kenyataan; ~ *pembasuh* papan tempat membasuh kain; ~ *pemuka* bahagian di dlm kereta dsb di bawah cermin depan yg menghadap pemandu, tempat terdapatnya pelbagai alat kawalan, suis, meter dsb; ~ *serpai* papan panel yg dihasilkan drpd gabungan serpihan bahan-bahan lain yg diikat dgn resin atau bahan pengikat lain; ~ *tanda* papan nama sesuatu tempat (kawasan); ~ *utama* (Eko) papan penyenaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur yg menyenaraikan saham syarikat besar yg modal berbayarnya melebihi RM 20 juta;

sepapan sekeping: ~ *petai*;

memapan mengenakan (memasang) papan utk lantai rumah dll;
perut ~ Id perut keras; *belayar sambil* ~ prb melakukan dua pekerjaan (perkara) sekali gus.

papan II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar cabang lima, *Vitis lanceolaria*.

papar I 1. tidak runcing, papak, pepat, rata; **2.** belakang (parang, pisau, dll);

memaparkan menjadikan pepat (rata): ~ *gigi*; *alat ini dibuat drpd keluli yg dicanai selari atau dipaparkan*.

papar II; **memaparkan 1.** mempamerkan (menyatakan, menghuraikan, menunjukkan dsb) supaya dapat dilihat, difahami, diketahui dsb, mendedahkan, membentangkan: *dipaparkannya segala isi hatinya*; ~ *satu kejadian yg berlaku pd zaman Jepun*; **2.** memperlihatkan teks, data, grafik dsb pd skrin komputer dsb;

terpapar (telah) dipaparkan, terbentang, tergambar, tertera: *di dlm rajah ini ada ~ dua jenis skala*; *hal seumpama itu sering ~ dlm akhbar dan majalah*;

paparan 1. sesuatu (penjelasan, kenyataan, huraian dsb) yg dipaparkan: ~ *kesengsaraan mangsa perang itu di media massa pernah membuat lidahnya kelu buat seketika*; ~ *kes ini menunjukkan seolah-olah usaha kerajaan selama ini utk mengurangkan kadar jenayah belum mencukupi*; **2.** maklumat spt teks, perkataan, grafik, simbol, gambar dsb yg dipaparkan pd skrin komputer dsb: *telefon itu menawarkan ~ grafik yg besar*;

pemaparan perihal (perbuatan, proses, usaha dsb) memaparkan: ~ *teksnya tidak begitu bagus*; *media massa terlalu banyak memberi ruang kpd ~ hidup cara Barat*;

pemapar alat (unsur dsb) yg memaparkan sesuatu: *telefon bimbit itu mempunyai unit ~ grafik berwarna utk penggunaan yg menarik.*

papar III ark; **memapar** mencari orang utk menjadi askar (kelasi dll);

pemaparan perbuatan mencari orang utk dijadikan askar (kelasi dll).

paparazi (Itali) jurugambar bebas yg sering mengekori orang ternama atau selebriti utk mengambil gambar mereka tanpa disedari.

papas I; memapas 1. menanggalkan atau membuka (pakaian, khemah, dll): *ia menyuruh ~ kajang; 2.* mengambil, mencuri, menyerobot: *lekas-lekas Andeh, kalau orang lain pergi dahulu tentulah habis dipapasnya, kita melepas sahaja; 3.* mengubati atau menawar (penyakit, bisa, dll): *carikan dukun yg pandai-pandai ~ serta dipintakan tangkal azimat kpd tuan-tuan Sayid.*

papas II; berpapasan bertemu sewaktu berselisih lalu: *ketika melalui lorong kabin jurumudi, Ramli ~ dgn serang kapal; apakah aku tidak boleh menegurmu kalau kebetulan kita ~ dijalan?*

memapas menyongsong, menongkah: *~ angin.*

papaya betik.

papirologi kajian tentang naskhah, dokumen atau manuskrip kuno yg ditulis pd kertas papirus.

papirus sj tumbuhan air yg batangnya boleh dibuat kertas, *Cyperus papyrus.*

PAPITA akronim bagi Persatuan Penyanyi Tanah Air.

pappui C sj tenungan utk melihat nasib (di tokong).

paprika sj serbuk perasa masakan yg dibuat drpd sj lada merah.

papul (Ubat) bintat kecil yg keras pd permukaan kulit.

par (dlm permainan golf) jumlah pukulan yg diperlukan utk seseorang pemain menyempurnakan sesuatu permainan atau lubang.

para I kata (yg mendahului kata-kata lain) yg menyatakan ramai: ~ *mahasiswa dan pelajar*; ~ *peserta*.

para II = para-para 1. sj rak drpd kayu dll utk menyimpan perkakas dapur, pagu; **2.** rak tempat meletakkan barang-barang di rumah (kereta api dll); **3.** sj rak drpd kayu (buluh) utk menjemur tepung (ikan dll).

para III getah, karet.

para IV singkatan bagi paragraf: *berita itu panjangnya lebih kurang dua puluh* ~.

parabola 1. keluk rata datar yg dibentuk dgn jalan pembelahan kon dgn satah (dataran) yg selari dgn sisinya; **2.** aerial berbentuk mangkuk besar utk menerima isyarat dr satelit.

paracut payung terjun.

parada perbarisan kawat tentera dlm sesuatu upacara.

paradam = ~-*paradom* bp kata makian (umpatan);

memparadam memaki, mencela, mengumpat.

paradigma 1. daftar atau kumpulan lengkap bentuk terbitan sesuatu perkataan; **2.** contoh atau model yg jelas tentang sesuatu: *kedudukan dunia media hari ini mempunyai empat trend utama yg diterima sbg ~ yg universal*; **3.** lingkungan atau batasan pemikiran (seseorang atau sesuatu organisasi) pd sesuatu masa yg dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan, kemahiran, dan kesedaran yg ada; *anjakan* ~ peralihan paradigma drpd satu lingkungan atau batasan kpd sesuatu yg baru (biasanya kpd yg lebih baik).

paradigmatik berkaitan dgn paradigma.

paradoks sesuatu yg bertentangan dgn pendapat yg diterima umum: *tampak kpd kita suatu ~ yg menyolok*.

paradoksikal bersifat paradoks, yg bertentangan: *secara ~ dapat dikatakan bahawa walaupun masyarakat lama mempunyai kemungkinan-kemungkinan yg jauh kurang, tetapi pd keyakinan orang dahulukala, yg mungkin itu seolah-olah tidak terbatas.*

paradom; *paradam-~*; → **paradam**.

parafin (Kim) **1.** campuran hidrokarbon yg biasanya berlilin, mudah terbakar, didapati drpd sulingan kayu, arang batu, petroleum, dll, dan digunakan dlm membuat lilin, sintesis kimia, dan kosmetik; **2.** hidrokarbon cecair mudah terbakar yg didapati dgn menyuling petroleum dan digunakan terutamanya sbg bahan api.

parafrasa pengungkapan semula kandungan sesuatu tulisan (karangan dsb) dgn memakai kata-kata lain tanpa mengubah makna atau maksud asalnya;

memparafrasa membuat parafrasa: *~ teks yg berkaitan dgn bahasa sumber.*

paragog (Lin) penambahan huruf, suku kata atau bunyi pd akhir sesebuah kata, utk memudahkan sebutan atau utk menyedapkan pendengaran, mis huruf *a* bagi *pulpa* dlm bahasa Malaysia drpd *pulp* dlm bahasa Inggeris.

paragraf 1. bahagian sesuatu penulisan yg terdiri drpd sekumpulan beberapa ayat (bermula di baris baru dan biasanya bermula terkedalam drpd baris-baris berikutnya, perenggan; **2.** Id tanda § (utk menandakan fasal baru).

parah 1. teruk atau berat sangat (luka, penyakit): *mereka cedera ~; penyakit lemah jantungnya bertambah ~*; **2.** susah, sukar, teruk (keadaan dll): *penghidupannya sudah ~; rumah kita ini sudah ~ benar; Ramli betul-betul sudah ~ mengikuti permainan kami; pd hari pengumuman keputusan perbicaraan dan hari-hari seterusnya perangai ibunya semakin ~*;

memperparah menjadi lebih parah;

keparahan perihal atau keadaan parah: *tindakan tersebut boleh menyebabkan tumbuhan itu sembuh atau ~ penyakitnya akan berkurang; ~ ekonomi kerana naik turunnya harga pasaran bahan-bahan eksport.*

paraji (Sunda) bidan: *massa-aksi adalah senantiasa menjadi ~ pd saat masyarakat tua yg hamil itu melahirkan masyarakat yg baru.*

parak I perpisahan, perceraian;

berparak berpisah, bercerai;

memarakkan memisahkan, menceraikan: *dahulu dia berniat hendak ~ si Mat drpd isterinya.*

parak II; ~ *siang* pagi-pagi benar (kira-kira pukul 3-5), *dinihari*: *pd suatu hari pukul tiga ~ siang orang telah ramai dan sibuk.*

parak III Mn kebun, ladang: *ibu Ramlah datang pula dr ~, membawa kacang panjang;*

~ awak sahajalah siangi prb jaga sahajalah diri (keluarga) sendiri, janganlah pedulikan hal orang lain; diperluas ~ tidak tersiangi prb jika mata pencarian ditambah, penjagaannya tidak sempurna.

parak IV Kl terlalu banyak: *makan nasi ~ benar; pendapatannya tiap-tiap bulan memang ~.*

parakit sj burung, *Psittacidae*.

paraleli yg mengenai paralelisme: *kerana adanya sajak ini ~ dlm bentuk nampak lebih jelas, mis pd bentuk gurindam dan pantun.*

paralelisme (paralélisme) pembentukan rangkap (ayat) yg seimbang dgn satu bahagian mengulang bentuk (erti) bahagian lainnya (bkn puisi).

Paralimpik = *Sukan* ~ sukan antarabangsa yg bermodelkan Sukan Olimpik, diadakan khusus utk orang cacat.

param = **param-param** sj ubat atau bedak yg disapu pd badan (kening, kaki, dll); *minyak* ~ minyak yg digunakan sbg param.

paramasastera tatabahasa: ~ *memuat ajaran tentang struktur bahasa yg timbul akibat sistem bahasa.*

paramedik (paramédik) orang yg tugasnya membantu atau melengkapi kerja-kerja yg ada kaitan dgn bidang perubatan (spt jururawat, pembantu makmal, juruterapi, dll).

paramesium (paramésium) (Bio) protozoa air tawar drpd genus *Paramecium*, badannya bujur, diliputi silia dan mempunyai alur berbentuk corong utk makan.

parameter (paraméter) garis-garis yg menentukan atau menandakan keluasan atau batasan sesuatu, keluasan yg ada batasan-batasannya: *kalau ditinjau secara objektif, ~ kesetiaan seseorang berkisar dlm ruang bulatan yg berlegar dan bertindih; watak-watak di dalamnya bertingkah laku secara konkrit dlm lingkungan ~ sistem dunia itu.*

paramilitari berkaitan dgn pasukan keamanan dgn struktur organisasi spt pasukan angkatan tentera, yg memberikan khidmat bantuan kpd angkatan tentera.

paran Jk arah, hala, tujuan;

memarani menghala, mengarah, menuju.

parang I sj pisau besar, golok; jenis-jenisnya: ~ *belitung*, ~ *candung*, ~ *lading*, ~ *puting*, dll;

~ *gabus menjadi spt ~ besi* prb tidak disangka orang yg lemah menjadi kuat dan berkuasa; *bagai ~ buruk*, *tali sabut tiada tergolok* prb perihal orang yg lemah, pekerjaan yg ringan pun tiada terdaya melakukannya; *belakang ~ pun jikalau diasah nescaya tajam* prb a) orang yg bodoh kalau diajar betul-betul, pandai juga sudahnya; b) orang yg sabar (setia) kalau dihasut boleh juga

menjadi jahat; *spt ~ mata dua* prb orang yg mendapat keuntungan drpd dua pihak; *mendebek mata ~* prb melawan orang yg lebih berkuasa, kita juga yg menyesal;

berparang 1. membawa (memakai atau menggunakan) parang: *ada yg berlembing, ~ dan berkeris*; **2.** bergaduh atau berkelahi dgn menggunakan parang: *hampir-hampir mereka ~ di sungai*;

memarang 1. menetak (memotong dll) dgn parang (golok dll): *mereka meluru dan ~ kiri dan kanan*; **2.** memberi garisan panjang (mencoret) pd tulisan yg salah;

memarangkan menetakkan (parang, golok, pedang): *dihunuskannya pisau dr pinggangnya dan diparangkannya kpd anak kera itu.*

parang II; *ikan ~ = ikan parang-parang* sj ikan laut, *Chirocentrus dorab*.

parang III; *sakit ~ = sakit parangan* sj penyakit kulit pd tengkuk atau hidung.

parangan Br sj ikan laut, *Pristis cuspidatus*.

paranoia (Psi) **1.** gangguan mental yg menyebabkan seseorang mengkhayalkan perkara yg aneh-aneh, spt merasa dirinya terlalu penting atau percaya bahawa orang lain sentiasa mengancamnya; **2.** perasaan takut, curiga atau tidak percaya terhadap orang lain dgn berlebih-lebihan.

paranoid (Psi) **1.** (orang yg) mengalami paranoia; **2.** terlalu curiga, takut atau tidak percaya terhadap orang lain.

paranormal tidak dapat dijelaskan secara saintifik atau rasional: *fenomena ~.*

parap I; memarap memukul dgn barang yg tidak tajam (dgn sisi pedang dll), menampar, menumbuk: *diangkat baginda tangannya diparap baginda, lalu putus pengait itu.*

parap II singkatan tandatangan;

memarap menurunkan parap.

para-para; *rumpu* ~ a) sj tumbuhan (rumpu), *Cyperus pilosus*; b) sj tumbuhan (rumpu), rumpu kepala lalat, *Fimbristylis diphylla*.

parapati Mn burung merpati.

paraplasma (Lin) kata baru yg dibentuk utk menggantikan kata yg sudah lama dipakai atau dikenal, mis *tatabahasa* utk *nahu* dan *pawagam* utk *panggung wayang gambar*.

paraplegia (paraplégia) (Ubat) kelumpuhan bahagian bawah tubuh, termasuk kedua-dua anggota bawah.

paras I rupa muka (wajah): yg *lima orang itu baik-baik belaka ~nya*.

paras II 1. rata, tidak tinggi rendah; **2.** aras, had: *berendam sehingga ~ lutut; ~ raksa pd jangka suhu ini sentiasa menunjukkan suhu yg tertinggi;*

separas 1. sama paras (dgn), sama rata (dgn), sampai ke: *tingginya ~ bahu Karim; ia mengangkat senapangnya ke atas, ~ pinggang;*

2. sama banyak (dgn), seimbang (dgn): *sedapat-dapatnya biarlah ~ dgn kemampuannya; perbadanan ini mengaku akan menebus balik dgn bayaran ~;*

memaras menjadikan rata, memotong supaya rata: *bahagian atas timun itu telah diparas; ~ janggut mencukur janggut rata-rata;*

parasan permukaan: *bahagian-bahagiannya timbul dr ~ air;*

pemaranasan perihal (proses, perbuatan dsb) memaras.

paras III ark; *batu* ~ sj batu atau lapisan tanah yg keras, cadas, padas.

parasetamol (parasétamol) (Kim) sj sebatian yg digunakan utk membuat ubat sakit kepala.

parasintesis (parasintésis) (Lin) pembentukan kata dgn mengimbuh kata dasar.

parasit 1. tumbuhan atau haiwan yg hidup pd tumbuhan atau haiwan lain dan mendapat makanan serta perlindungan daripadanya, di samping memudaratkan haiwan atau tumbuhan yg ditumpanginya; **2.** benalu, pasilan; **3.** ki orang yg tidak berguna yg menumpang hidup pd orang lain;

berparasit disebabkan atau dijangkiti parasit: *penyakit kulit ~.*

parasitoid (Kim) bahan yg dapat memusnahkan parasit.

parasitisme (Bio) hubungan antara parasit dgn perumahannya yg merosakkan perumah.

parasitologi kajian tentang parasit.

paratifoid (Ubat) penyakit yg menyerupai demam tifoid tetapi kurang berbahaya.

paration (Kim) sj bahan yg digunakan utk membuat racun serangga.

parau serak, garau (suara): *kerana itu, aku harus berteriak sampai ~; suaranya ~.*

pare (paré) Jw peria.

parentesis (paréntesis) (Lin) **1.** kata, frasa atau ayat yg disisipkan sbg maklumat atau penjelasan lanjut dlm sesuatu ayat atau teks, biasanya dipisahkan dgn diapit tanda koma, tanda sengkang atau tanda kurung; **2.** tanda kurung bulat: *diikuti dgn angka Roman dlm ~ yg menunjukkan nombor pengoksidaan.*

parestesia (paréstésia) (Ubat) rasa kebas atau semut-semut pd anggota.

parewa (paréwa) Mn penjahat, pegganas, perisau.

pargajul ark → **bergajul.**

pari = *ikan* ~ sj ikan laut;

~ *lalat (rimau)* sj ikan laut, *Dasyatis kuhli*; ~ *lang* sj ikan laut, *Rhinoptre javanica*; ~ *lendir (licin)* sj ikan laut, *Temera hardwickii*; ~ *nyonya* sj ikan laut, *Dasyatis sephen*.

paria orang atau golongan yg paling rendah kastanya di India: *dia anak orang miskin drpd keturunan ~.*

parih; memarih 1. membuang (dadu); **2.** membahagi-bahagikan (daun terup); **3.** melihat nasib (meramalkan) dgn memakai daun terup.

parik → **porak-parik.**

pari-pari I sj tumbuhan (pokok), melapari, mempari, *Pongamia pinnata.*

pari-pari II dewa atau roh perempuan yg elok rupanya.

paripurna Jw; *rapat* ~ rapat lengkap.

paris; kain (cita) ~ sj kain cita separuh sutera; ~ *goyang* kain paris yg berkilat.

pariskot bp persekot.

parit 1. alur (salur dll) utk mengalirkan air dll; **2.** lubang yg panjang dlm tanah (sbg kubu dll); **3.** alir, terusan air, tali air; **4.** lubang tempat menggali bijih dll, lombong; **5.** alur atau jalur pd kayu dll; **6.** ark ranjau darat (laut);

berparit mempunyai parit: *kebun sayurnya agak luas, berpagar dan ~ di sekelilingnya;*

memarit membuat (menggali) parit;

perparitan yg berkaitan dgn parit: *masalah bekalan air dan ~; pelan-pelan ~; projek ~.*

pariti 1. kesamaan spt pangkat, gaji, dll; **2.** kadar pertukaran yg sama antara dua unit mata wang.

pariwarta ark 1. iklan; **2.** warta berita (dlm surat khabar dll).

pariwisata pelancongan.

parji Ar kemaluan perempuan, faraj.

parket (parkét) I IB pejabat peguam negara.

parket (parkét) II kepingan kayu kecil-kecil yg mempunyai corak tertentu utk digunakan sbg tutupan lantai: *setiap unit mengandungi tigabilik tidur dgn berlantaikan ~.*

Parkinson = *penyakit* ~ (Ubat) penyakit neurologi yg dicirikan dgn kurang pergerakan, kekakuan otot dan kaki tangan yg terketar-ketar.

parkir IB; **memarkir** menghentikan (menyimpan) kereta: *sebuah teksi diparkir; mobil saya diparkir di pinggir jalan;*

parkiran tempat menghentikan (menyimpan) kereta.

parlemen (parlemén) IB parlimen.

parlemitter (parleméntér) IB yg mengenai parlimen, menurut sistem parlimen: *membubarkan sistem kabinet ~ dan kembali ke Undang-Undang Dasar 45.*

Parlimen majlis (dewan) tertinggi pembuat undang-undang yg terdiri drpd Dewan Rakyat dan Dewan Negara;

berparlimen **1.** mempunyai parlimen; **2.** menurut aturan parlimen; *demokrasi* ~ demokrasi yg menurut aturan parlimen.

parodi karya sastera, seni, dsb yg meniru gaya pengarang atau pencipta lain dgn cara yg melucukan atau menyindir;

memparodikan menghasilkan parodi.

parokhi kawasan (daerah) sesebuah gereja Roman Katolik.

parokial berfikiran sempit: *masyarakat mereka dikatakan bersifat ~.*

parol (Udg) **1.** pembebasan seseorang banduan sebelum habis tempoh menjalani hukuman penjara kerana berkelakuan baik dsb; **2.** tempoh seseorang banduan menjalani pembebasan bersyarat itu.

paron landasan tempat menempa besi.

paronikia (Ubat) radang pd sekeliling kuku.

parpu; *kacang* ~ kacang dal.

parsi I; *akar* ~ sj tumbuhan (herba yg akarnya agak keras), *Asparagus officinalis*.

Parsi II nama dahulu bagi negara Iran sehingga tahun 1935.

parsli sj tumbuhan herba berwarna hijau tua, daunnya keriting, beraroma dan digunakan sbg perasa dan hiasan dlm masakan, *Petroselinum crispum*.

parsnip sj tumbuhan yg ubinya berwarna krim dan boleh dimakan sbg sayuran, *Pastinaca sativa*.

partai IB **1.** parti; **2.** sejumlah barang dagangan.

parti **1.** = ~ *politik* satu golongan (kumpulan) orang yg bergerak utk tujuan (dasar dll) yg sama dlm politik: ~ *Perikatan*; ~ *Rakyat*; ~ *pemerintah*; ~ *pembangkang* parti politik yg menjadi penentang parti(-parti) politik lain yg memegang teraju kerajaan; ~ *pemerintah* parti politik yg menjadi pemerintah atau menubuhkan kerajaan sesebuah negara; **2.** perjumpaan sosial utk bersuka-sukaan: *mengadakan ~ di rumahnya*;

berparti **1.** mengikut (menjadi ahli) sesuatu parti politik; **2.** menurut (berdasarkan) parti politik: *pemerintahan secara ~ sudah tidak dapat dielakkan terutama di negeri-negeri demokrasi*;

kepartian perihal parti (politik), yg berasaskan atau mengenai parti: *julukan kanan dan kiri digunakan utk membezakan jenis aliran ~; maka dlm konteks ini politik ~ begitu dominan*.

partikel (Lin) kata tugas seperti (-kah, -lah, pun, dll), kata penyerta.

partikelir IB bukan utk awam, bukan milik kerajaan; *perusahaan ~ perusahaan bukan kerajaan; orang ~ orang biasa (bukan kakitangan kerajaan); sekolah ~ sekolah bukan kerajaan*.

partisan penyokong kuat sesuatu kumpulan, parti, tujuan, dsb.

partisipasi bp perihal atau perbuatan ikut serta dlm sesuatu kegiatan dsb, penyertaan: *tindakan itu memerlukan ~ oleh semua lapisan masyarakat*.

paruh I bahagian mulut pd burung yg terdiri drpd rahang yg mengunjur yg diliputi selaput belulang.

paruh II; separuh 1. setengah, seperdua: *pantun yg saya nyanyikan itu*

~ *saya dapat drpd orang Kelantan dan ~ drpd Orang Laut; 2.*

tidak sepenuhnya, tidak seratus peratus (kira-kira 50%):

pertandingan ~ profesional;

~ *akhir* pusingan atau perlawanan paling hampir sebelum ke

peringkat akhir (bkn bola sepak dsb); ~ *hati* tidak sungguh-

sungguh; ~ *jalan* sekerat jalan; ~ *mahir* belum cukup mahir atau

terlatih sepenuhnya utk melakukan sesuatu pekerjaan khusus:

pekerja ~ mahir; ~ masak setengah masak, belum masak betul; ~

mati setengah mati; ~ *sedar* tidak sedar sepenuhnya; ~ *umur*

setengah umur;

memaruh membahagi (membelah) dua.

parung; *keris ~ sari* keris yg berlok-lok dan berbentuk ular.

paru-paru organ pernafasan vertebrat yg berfungsi dlm pertukaran

udara utk membekalkan darah dgn oksigen dan mengeluarkan

karbon dioksida dr darah;

~ *besi* sarung logam kedap udara yg dipasang di sekeliling badan,

kecuali kepala, utk membantu pernafasan seseorang secara

mekanikal; *penyakit ~* penyakit batuk kering, penyakit TB; *radang*

~ sj penyakit bengkak paru-paru, pneumonia.

parut 1. = pamarut, parutan alat utk mengukur kelapa dll; **2.** bekas

luka (bisul dll) pd kulit: *di dahinya kelihatan satu ~ yg telah tua;*

3. bekas ditetak pd pokok (kayu dll): *kapak itu mengunggis ~~~*

luka di pokok itu;

luka itu sembuh ~nya tinggal juga = luka sudah hilang ~ tinggal

juga prb walaupun sudah berbaik-baik tetapi dlm hati,

pertelingkahan yg lepas itu terasa jua;

berparut mempunyai parut: *kepala yg ~;*

memarut mengukur (kelapa dll) dgn parut: *kelapa diparut kemudian diperah;*

parutan 1. parut; 2. sesuatu yg sudah diparut.

parwah; *ambil* ~ ambil tahu (peduli), endah akan.

pas I dokumen, tiket, dsb yg memberi seseorang kebenaran utk masuk ke sesuatu tempat, duduk di sesuatu tempat di panggung, dll: *mereka berjalan lagi dgn dilengkapi ~.*

pas II bp lulus (ujian dsb): *darjah tujuh sekolah Melayu pun tidak ~.*

pas III IB 1. tepat, kena, sesuai benar: *barang itu sangat ~ kpd isteriku;*
2. tidak longgar dan tidak sempit, sedang (pakaian dll): *baju itu tidak begitu ~, tapi tidak apalah;*

mengepas mencuba utk mengetahui sesuatu sesuai (cocok) atau tidak.

PAS akronim bagi Parti Islam Se-Malaysia.

pasah Mn; **terpasah** sampai (tiba) di sesuatu tempat (dgn tidak sengaja).

pasai Mn jemu, bosan.

pasak I 1. sj baji (paku) drpd kayu dll utk mengetatkan sesuatu; 2. sj skru drpd logam yg mempunyai kepala (nat) utk mencantumkan alat-alat mesin;

~ *aman* pasak pd senapang utk menjaga supaya jangan meletus; ~ *kampung* a) penduduk kampung yg tinggal tetap (tidak pernah ke mana-mana); b) orang kampung (dusun, hulu); ~ *kuku* garis hitam di tengah kuku kuda; ~ *kunci* ark orang yg berkuasa; ~ *negeri* orang yg paling dihormati (tempat berunding dll) dlm sesebuah negeri;

besar ~ drpd tiang prb besar belanja drpd pendapatan;

berpasak dilekatkan dgn pasak: *peti itu ~ mati pd lantai dlm bilik;*

memasak mengenakan (memasang) pasak, memaku dgn pasak;

memasakkan menggunakan (memaku) sesuatu sbg pasak, memasukkan pasak; ~ *ke telinga* ki menasihatkan atau memperingatkan benar-benar.

pasak II; ~ *beras-beras* = ~ *linga* = ~ *merah* sj tumbuhan (pokok), melupas, *Aglaia glabriflora*; ~ *perahu* sj tumbuhan (pokok), balau, keranji, merlimau, temilang, *Aglaia odoratissima*.

pasal bp fasal.

pasalewa (pasaléwa); *seluar* ~ seluar yg banyak warnanya (dipakai oleh hulubalang sahaja).

pasang I 1. jodoh, kelamin (laki-laki dan perempuan atau jantan dan betina); **2.** dua benda yg melengkap satu sama lain: *tiga* ~ *selipar*, *dua* ~ *stoking*; **3.** selengkap, seperangkat, satu set: *dua* ~ *pakaian*;
sepasang 1. satu pasang, sejodoh, sekelamin, selengkap: ~ *pengantin*; ~ *baju Melayu*; ~ *merpati* a) sekelamin burung merpati jantan dan betina; b) ki sekelamin lelaki dan perempuan; **2.** sesuai (dgn), sepadan (dgn): *tali lehernya* ~ *dgn bajunya*; **3.** = ~ *dgn* merupakan pasang (dgn), selengkapan (dgn): *barang ini* ~ *dgn yg di atas meja*;

berpasang = berpasangan;

berpasang-pasang 1. banyak pasang, beberapa pasang: ~ *kasut yg dibelinya*; **2.** berdua-dua, sepasang-sepasang: *kasut itu disusun* ~; *mereka datang ke kelab malam itu* ~;

memasangkan menjadikan sepasang (dgn), menjodohkan;

pasangan 1. barang apa yg merupakan pasang (jodoh dll): ~ *dr Malaysia itu telah berjaya memenangi set pertama*; **2.** jodoh (imbangan, lengkapan): ~ *hidup*; *benda ini mana* ~nya?

berpasangan 1. merupakan pasangan kpd: *gelas ini* ~ *dgn yg itu*;
2. = **berpasang-pasangan** berpasang, berdua-dua (sepasang-sepasang): *para tamu sama* ~ *mengikuti irama muzik*.

pasang II 1. naik atau menjadi bertambah (air laut, sungai), lwn surut:

apabila air ~ , tidak mungkin kita menyeberangi kuala sungai itu;

2. ki semakin kuat (bkn penyakit);

~ anak air pasang kecil yg berlaku pd suku pertama (pengakhir)

bulan; ~ bah air pasang yg mengakibatkan bah (tenggelam); ~

besar (perbani) air pasang besar pd masa bulan muda (atau

penuh); ~ keling air pasang besar sekali; ~ kering air surut

(timpas); ~ menyurut air pasang yg sedang naik (di laut); ~ penuh

air pasang yg penuh atau besar (sebelum surut); ~ purnama air

pasang tatkala bulan purnama; ~ surut a) = ~ turun air laut

(sungai) surut atau turun; b) banyak atau sedikitnya, baik atau

buruknya dll (bkn hasil, keadaan, dll);

adat ~ berturun naik = air pun ada ~ surutnya = takkan ~ selalu,

di mana surut sentiasa prb keadaan (kekayaan, pangkat, dll) itu

tiada tetap; ibarat ~ masuk muara prb perkataan (celaan) yg tiada

ditahan-tahan keluarnya; kalau takut dilimbur ~, jangan berumah

di tepi pantai prb kalau takutkan kesusahan, jangan buat sesuatu

pekerjaan; tidak mengenang ~ surut prb tidak memikirkan

kesusahan yg mungkin terjadi di kemudian hari;

berpasang; *~ surut ada pasang surutnya: hidup tanpa jadual ini*

mengakibatkan pendapatan kami ~ surut.

pasang III; *~ siap (yg) dibina atau dibuat dgn mengena-ngekan atau*

mencantum-cantumkan bahagian-bahagiannya yg telah disediakan

atau dibuat terlebih dahulu.

pasang IV; berpasang-pasangan, pasang-memasang tembak-

menembak, bedil-membedil;

memasang 1. menembakkan (senapang, meriam, dll): *maka bedil*

pun dipasang orang, terlalu azamat bunyinya; 2. menyalakan

(lampu dll), mencucuh (suluh, rokok, mercun); 3. mengenakan

(mencantumkan dsb) bahagian-bahagian sesuatu sehingga menjadi sesuatu yg lengkap atau sempurna, mencantumkan (utk membina, melengkapi, dll): *kilang ~ kereta; ~ pagar* mendirikan pagar; *~ paip air* melengkapi dgn paip air; **4.** menahan (perangkap, jerat, lukah, dll); **5.** mempertaruhkan wang (dlm permainan judi dll), menahan; **6.** mengenakan (melekatkan, memuatkan, menempatkan dll);

~ aksi Id berkelakuan yg dibuat-buat supaya elok kelihatan; *~ badan* a) memakai pakaian cantik, menghias diri; b) Jk menjalani hukuman di penjara; *~ bendera* menaikkan (mengibarkan) bendera; *~ guna-guna* mengenakan guna-guna; *~ harga* meletakkan (menentukan) harga; *~ iklan* memasukkan iklan (dlm akhbar, majalah, dll); *~ jaga* menempatkan (mengadakan) jaga; *~ kaki* mengadakan (menempatkan) pengintip; *~ kancing* mengenakan (melekatkan) kancing; *~ layar* menaikkan (mengenakan) layar; *~ mata* menjaga (memerhatikan) baik-baik; *~ mata-mata* menempatkan (mengadakan) mata-mata utk menjaga dll; *~ pelana* mengenakan pelana; *~ telinga* meneliti atau mendengarkan baik-baik (percakapan, bunyi, dll);

memasangkan memasang sesuatu utk, mengenakan sesuatu pd, melengkapi sesuatu dgn: *aku pasangkan juga kipas angin di depan ibu;*

pasangan **1.** sesuatu yg dipasang; **2.** wang yg dipasang (dlm permainan judi); **3.** kuk yg dipasang pd tengkuk kerbau dll (utk menarik kereta dll); *~ tiba di kodok* prb perintah (pekerjaan) yg tidak dapat dielakkan lagi;

pemasangan perbuatan (kerja) memasang: *~ kawat telegraf;*

pemasang orang yg memasang.

pasanggrahan Jw rumah rehat (kerajaan), persinggahan.

pasang-pasang = **pasang-pasangan** sj penyakit yg disebabkan oleh terkumpulnya bendalir yg tidak normal dlm ruang kekantung pd buah zakar.

pasar I bangunan atau kelompok gerai dsb tempat menjual (biasanya) barang-barang makanan keperluan sehari-hari, tempat (lapangan dsb utk) orang berjual beli: ~ *Chow Kit di Kuala Lumpur; lebu* *pekan ~ pun penuh dgn kedai;*

~ *amal (derma, ria)* pasar yg diadakan oleh badan amal dll utk mengutip derma; ~ *besar* pasar (tempat menjual ikan, sayur, dll) yg terbesar di sesuatu tempat; ~ *borong* pasar tempat menjual barang-barang dagangan secara borong atau banyak-banyak kpd peniaga runcit; ~ *gelap* tempat berjual beli yg tidak dibenarkan menurut undang-undang (barang-barang yg diharamkan dll); ~ *lambak* tempat menjual barang-barang murah yg dilambakkan (spt di tepi jalan dll); ~ *malam* a) pasar pd waktu malam; b) tempat diadakan bermacam-macam pertunjukan (tempat makan dll) yg dibuka utk beberapa hari pd waktu malam; ~ *mini* kedai moden yg tidak berapa besar yg menjual barang-barang makanan (biasanya dlm tin, bungkusan, dsb) dan barang-barang keperluan seharian secara layan diri; ~ *modal* = *pasaran modal* (Eko) badan (lembaga) kewangan yg meminjamkan wang (bank dll); ~ *raya* kedai moden yg besar yg menjual berbagai-bagai barang makanan (biasanya dlm tin, bungkusan, dsb) dan barang-barang keperluan lain secara layan diri; ~ *tahunan* pasar yg ada bermacam-macam pertunjukan dll yg diadakan tiap-tiap tahun; ~ *tani* pasar yg khusus utk para petani memasarkan terus hasil-hasil pertanian mereka kpd orang ramai;

memasarkan 1. menjual sesuatu di pasar; **2.** memperdagangkan: ~ *barang-barang pengeluaran;*

pasaran 1. kawasan atau lingkungan tempat penjual dan pembeli berhubungan (berjual beli); **2.** lingkungan (keluasan, kemungkinan, dsb) perniagaan yg memberi kesempatan kpd penjualan barang-barang atau perkhidmatan: *kita harus bekerja keras utk mencari ~ di luar negeri*; **3.** permintaan pembeli atau penawaran penjual: *bukunya mendapat ~ baik selama beberapa minggu di Amerika*; *pegawai ~ orang yg bertugas memperluas (mencari dll) pasaran utk barang-barang*; **4.** kualiti kurang baik (barang dagangan);

~ *bebas* (Eko) kawasan tempat orang berjual beli dgn bebas tanpa sekatan harga (banyaknya); ~ *bersama* (Eko) beberapa negara yg meniadakan (menghapuskan) cukai antara mereka dan mengenakan cukai import yg sama terhadap negara lain; ~ *buruh* pasaran yg berkaitan dgn penawaran dan permintaan tenaga manusia; ~ *dlm negeri* pasaran terhad di dlm negeri; ~ *dunia* pasaran di negara-negara di dunia (antarabangsa); ~ *saham* tempat berjual beli saham; ~ *terbuka* pasaran yg tidak dikenakan sekatan atau rintangan (terbuka kpd semua peniaga) dgn harga barang bergantung pd penawaran dan permintaan; ~ *wang* (Eko) pusat (tempat) berjual beli mata wang luar (emas dll);

pemasaran perihal atau perbuatan memasarkan: *rancangan ~ utk pekebun-pekebun kecil*; *Lembaga P~ Pertanian Persekutuan* badan yg membantu (menguruskan dll) penjualan hasil-hasil pertanian;

pemasar pihak (orang, firma dsb) yg memasarkan sesuatu produk, perkhidmatan dsb: ~ *utama benih kayu jati tempatan*; ~ *pakaian berjenama itu sanggup membiayai kos pengiklanan yg agak besar*.

pasar II Mn licin (bkn jalan yg mati rumputnya kerana selalu dilalui); ~ *jalan kerana diturut, lancar kaji kerana diulang* prb Mn orang

tentu menjadi mahir dlm sesuatu lapangan kalau selalu mengerjakannya.

pasara Mn **1.** pusara, perkuburan; **2.** ark pasar, pekan.

pasasir **1.** penumpang (kapal dll); **2.** Jk orang yg datang melihat-lihat (membeli) di kedai dll, pelancong.

pasat; *angin* ~ angin yg bertiup ke khatulistiwa di antara garisan lintang 30° Utara dan Selatan.

pasca- *awalan asing* sesudah, selepas, setelah, mis *pascasiswazah*.

pascakolonial selepas penjajahan kolonial (bkn kewujudan atau kejadian sesuatu): *era* ~.

pascamajlis selepas berlangsungnya atau selesainya sesuatu majlis.

pascamatang berkembang melebihi tempoh matang (bkn bayi dlm kandungan): *bayi* ~.

pascamati setelah mati.

pascasiswazah bkn penuntut yg meneruskan pendidikan yg lebih tinggi selepas menamatkan ijazah pertama.

paset (pasét) IB **1.** sj intan atau berlian; **2.** permukaan kecil-kecil yg tergosok licin (rata) pd intan (berlian).

pasfoto IB gambar kecil spt pd passport (dr kepala hingga dada saja).

pasi; *pucat*-~ pucat lesi, pucat sangat.

pasien (pasién) IB orang sakit yg dlm rawatan doktor, pesakit.

pasif **1.** menerima pengaruh (tidak mempengaruhi), tidak giat (melawan dll), lwn aktif: *menunjukkan sifat yg beku dan ~ terhadap kegiatan sosial*; **2.** (Lin) bkn bentuk kata kerja yg digunakan apabila subjek dipengaruhi atau menjadi sasaran perbuatan pd kata kerja, mis *Ahmad dikejar lembu*; **3.** Id pengeluaran lebih drpd penerimaan;

mempasifkan **1.** menyebabkan tidak aktif: *lapisan sulfida dapat ~ tampalan gigi dan mengurangkan kakisan*; **2.** (Lin) menjadikan

ayat atau kata kerja dlm bentuk pasif: *ayat yg mengandung objek boleh dipasifkan;*

kepasifan perihal pasif.

Pasifik Lautan Teduh.

pasifikasi IB pengamanan.

pasifis orang yg mencintai kedamaian dan menentang keganasan atau peperangan.

pasifisme (Pol) fahaman, prinsip atau aliran yg menekankan bahawa sebarang bentuk keganasan atau peperangan tidak wajar terjadi dan mestilah dielakkan melalui penyelesaian secara aman.

pasigrafi (Lin) sistem tulisan yg menggunakan lambang yg diterima secara meluas dan tidak terbatas kpd sesuatu bahasa tertentu, mis sistem angka Arab, 1, 2, 3....

pasik gila.

pasilan benalu, parasit; ~ *kelapa* sj tumbuhan (parasit yg dibuat ubat), *Drynaria rigidula*.

pasir **1.** batu yg hancur halus spt yg dilihat di pantai, gurun, dll, kersik halus: *mengasingkan ~ drpd batu;* **2.** kawasan (timbunan) pasir (kersik halus): *bermain galah panjang di ~;* *beting ~ gosong* yg panjang; *busung ~ gosong;* *gurun (padang) ~ kawasan luas (lapang)* yg tandus dan diliputi pasir; **3.** berbiji-biji (berbutir-butir) spt rupa pasir; *emas ~ emas urai*, emas yg halus-halus spt pasir; *gula ~ gula drpd air tebu* yg butir-butir; **4.** Mn ark laut; *tepi ~ tepi laut;*

bersuris *bagai ~*, *berbau* *bagai embacang* prb kaum kerabat yg jauh tidaklah sangat kuat pd hak waris; *spt ~ di tepi pantai, tatkala air timpas bolehlah dibahagikan* prb hendak menyatakan kebenaran kpd orang yg berkuasa janganlah tatkala ia marah, tunggulah ketika kurang marahnya.

pasir II; ~ *lingga* sj tumbuhan (pokok), keruntum, pelawan todak, *Tristania maingayi*; *rumpu* ~ sj tumbuhan (herba), rumput tahi babi, sembung gajah, *Adenostemma lavenia*.

pasir III; *ikan* ~ sj ikan darat, tali, *Acanthopsis choirorhynchos*;

pasirah kepala kampung, kepala marga.

pasir-pasir; *ikan* ~ sj ikan laut, *Scolopsis spp.*

pasit Jk melekat (pelupuk mata).

Paska Id hari ulang tahun kebangkitan semula Christ yg disambut pd hari Ahad pertama bulan penuh pd atau selepas 31 Mac.

pasmat IB, sl wang ringgit Sepanyol.

pasmén (pasmén) IB hiasan drpd benang emas atau perak yg dipasang pd pakaian seragam dll;

berpasmén memakai pasmén, dihiasi dgn pasmén: *bajunya baju roki drpd baldu merah yg leher, tangan dan pinggirnya ~ mas.*

pasport 1. dokumen (mengandungi butir-butir peribadi) yg didapati drpd sebuah kerajaan oleh seseorang warganegara utk dibawa apabila ke luar negeri; **2.** sesuatu (kelayakan dsb) yg dianggap membolehkan seseorang diterima masuk tanpa halangan dlm mana-mana bidang (kegiatan dll) yg diinginkan: *sebilangan besar ibu bapa menganggap bahawa kelulusan SPM, STPM, atau kelulusan ijazah merupakan ~ utk memasuki dunia pekerjaan.*

pasrah Jw menyerah;

memasrahkan menyerahkan: *kepada-Nyalah kita pasrahkan doa dan harapan;*

terpasrah terserah;

kepasrahan keadaan menyerah diri (nasib) kpd Tuhan: ~ *doa utk menunggu saat-saat berkah.*

pasta I IB; ~ *gigi* ubat gosok gigi.

pasta II (ERT) bahan makanan kering yg dibuat drpd campuran tepung, telur dan air dan dibentuk menjadi pelbagai rupa, spt makaroni dan spageti.

pastel (S.Lukis) **1.** = *warna* ~ warna yg pucat dan lembut; **2.** krayon yg diperbuat drpd bahan bak kapur yg digunakan utk melukis gambar; **3.** lukisan yg dihasilkan dgn menggunakan bahan pastel: *potret* ~.

pastel (pastél) IB sj kuih yg dibuat drpd tepung gandum dan daging.

pasteur; **mempasteur** memanaskan cecair (spt susu, wain, dll) atau makanan pepejal (spt keju) utk memusnahkan mikroorganisma yg berbahaya atau utk mengehadkan kadar penapaian bahan yg berkenaan;

pempasteuran proses mempasteur;

pempasteur **1.** orang yg melakukan proses atau kerja pempasteuran; **2.** alat utk mempasteurkan sesuatu bahan spt susu, keju dan krim.

pasti tidak salah lagi, tidak boleh tidak, tentu;

belum ~ belum nyata, belum tentu; *ilmu* ~ ilmu hisab; *kurang* ~ kurang nyata (jelas), tidak tahu benar-benar;

memastikan menyatakan dgn pasti, menentukan (menetapkan) dgn pasti: *yg dapat dipastikan hanyalah badannya amat tegap; seorang pemberita mesti ~ dahulu fakta-faktanya;*

kepastian perihal pasti, ketentuan: *aku tercengang mendengar ~ yg tidak tertolak itu; Dato' Ujang sudah berani membuat ~ bahawa perempuan itu sudah berubah sikapnya;*

ketidakpastian perihal atau keadaan tidak pasti, ketidaktentuan: *kemungkinan sesuatu menjadi salah atau menjadi benar tentulah mewujudkan ~ dan keraguan;*

pemastian perbuatan memastikan.

pastil pil berperisa utk dihisap.

pastor paderi terutamanya bagi gereja selain Gereja Katolik, Gereja England dan Gereja Scotland.

pastrami sj daging lembu salai yg berempah, biasanya dihiris tipis dan dihidangkan sejuk.

pastri (ERT) **1.** adunan tepung dgn air, mentega (atau bahan lemak yg lain) dll; **2.** kuih yg diperbuat drpd adunan tepung, lemak dsb.

pastura padang ragut.

pasu **1.** bekas drpd tanah dll, diisi dgn tanah utk menanam pokok; **2.** bekas air dll yg dibuat drpd tanah dll;

memasukan menanam (memasukkan dsb) dlm pasu (yg berisi tanah): *ada juga jenis-jenis pokok renek yg dipasukan tidak boleh diletakkan dlm teduh lebih drpd satu minggu.*

pasuel (pasuél) ark surat terbang (kaleng);

dipasuel diberi surat terbang.

pasuk; pasukan **1.** sekumpulan (binatang), kawan: *tampak dr jauh se~ gajah*; **2.** sekumpulan (orang, tentera, dll), sekelompok;

~ berkaki = ~ jalan kaki pasukan tentera bersenjata yg berjalan kaki, infantri; *~ berkuda* pasukan tentera yg berkuda, kavalri; *~ berani mati* pasukan tentera yg bersedia mati (pantang undur); *~ jurutera* pasukan tentera yg terlatih dlm lapangan kejuruteraan (membina jambatan dll); *~ kawalan kampung* kumpulan orang yg mengawal keselamatan kampung; *~ kesebelasan* kumpulan pemain bola sepak yg terdiri drpd sebelas orang; *~ keselamatan* pasukan polis bersenjata (tentera) yg mengawal keselamatan negara; *~ liar* Id pasukan yg tidak teratur (tidak termasuk tentera rasmi); *~ pencegah rusuhan* pasukan polis yg mencegah rusuhan atau perkumpulan haram; *~ pertahanan awam* pasukan sukarelawan yg mengawal keselamatan orang awam; *~ pertolongan cemas*

pasukan yg terlatih (spt bulan sabit merah dll) sementara mendapat rawatan perubatan yg sepatutnya; ~ *petugas* sekumpulan orang yg diberi tugas menangani isu, masalah atau operasi tertentu; ~ *udara* sekumpulan kapal terbang angkatan udara;

berpasukan berkumpul dlm pasukan, berpuak, berkawanan;

berpasuk-pasukan berkumpul-kumpulan, berkelompok-kelompok, berkawan-kawan.

pasumandan Mn pengiring perempuan.

pasung I = **pasungan** alat drpd kayu berlubang dll yg dipasang pd kaki (tangan, leher) orang salah (gila) sbg hukuman atau supaya jangan lari; *rumah* ~ a) balai polis; b) penjara, kurungan, tempat tahanan;

memasung, memasungkan 1. mengenakan pasung pd: *sekarang ia dipasung dlm rumahnya*; **2.** memasukkan ke dlm penjara (kurungan, tahanan).

pasung II Kl sj kuih yg dibuat drpd beras.

pasu-pasu tulang pipi.

pasupati Jw sj senjata; *keris* ~ sj keris.

pata; ~ *puling* sj ikan darat, kerengkek, *Puntioplite fasciatus*.

PATA akronim bagi *Pacific Area Travel Association* (Persatuan Pelancongan Kawasan Pasifik).

patah I 1. putus (bkn barang yg keras dan panjang), tidak bertaut atau bercantum kuat-kuat lagi: *penselnya sudah ~*; **2.** ki tidak dapat diteruskan (dilanjutkan) lagi; *pelajaran saya ~ di tengah jalan* tidak tamat, terhenti; **3.** penjodoh bilangan utk kata (perkataan): *beberapa ~ kata*; *se~ dua kata* satu atau dua patah kata, sedikit perkataan;

~ *arang* putus langsung, tidak boleh berbaik kembali (perselisihan); ~ *balik* berbalik, bertukar arah hingga berlawanan dgn yg semula; ~ *batu (hatinya)* tidak mahu berusaha lagi; ~

celana Id lipatan pd seluar; ~ *hati* a) tawar hati, hilang keberanian (kemahuan); b) = ~ *lesu* putus harapan, kecewa (dlm percintaan dll); ~ *jetam* Kl penyakit pecah-pecah kulit pd kaki; ~ *kaki* tidak dapat berbuat apa-apa (kerana tidak ada penolong yg boleh diharap); ~ *lagu* gentar atau putus-putus suara (apabila menyanyi); ~ *lidah* tidak dapat berkata (dgn lancar), tidak dapat menjawab; ~ *mayang* ikal atau mengombak (rambut); ~ *nafsu (selera)* hilang nafsu (selera) makan; ~ *perang* kalah perang; ~ *pucuk* tidak habis atau selesai (pekerjaan dll); ~ *riuk* patah yg teruk (tulang); ~ *said* renyuk, tidak licin (baju, seluar); ~ *semangat* hilang keberanian atau kemahuan (utk berusaha dll), tawar hati; ~ *siku* a) sudut siku-siku; b) tidak dapat menolak (membantah dll) lagi, menurut sahaja (kerana kasihan, terhutang budi, dll); ~ *tulang* a) patah tulangnya; b) tidak dapat menolak lagi (permintaan dll); ~ *dahan tempat bernaung*, ~ *lantai tempat berpijak* prb tidak ada lagi (habis langsung) tempat meminta pertolongan dll; ~ *kepala bertongkat paruh*, ~ *paruh bertelekan* = ~ *tongkat berjeremang* prb tidak putus harapan, terus berikhtiar (bekerja); ~ *lidah alamat kalah*, ~ *keris alamat mati* prb tidak pandai membela sesuatu perkara tanda kalahlah; ~ *tumbuh hilang berganti* prb seseorang ketua dll yg mati (pergi) yg lain ada gantinya; *siapa melalah siapa* ~ prb siapa yg berhajat sangat, dialah yg datang meminta (peminangan); *sudah ~ yg bertaji* prb Mn kalau kematian bapa (mamak) yg berharta (disegani) susahlah kaum keluarganya yg tinggal; *tiada ~ yg tak tempang* prb tiap-tiap kecelakaan (perselisihan) tetap meninggalkan bekas (perasaan) yg tidak baik; **sepatah** satu patah; ~ *kata* a) suku kata (perkataan); b) kata pendahuluan (pengantar);

berpatah bertukar haluan (arah): *dia ~ mahu pergi; ~ balik* berbalik, bertukar arah yg bertentangan dgn yg semula; *~ arang* berputus langsung (perselisihan); *~ hati* berasa patah hati (kecewa dll);

mematah 1. menukar haluan (arah): *kemudian ia ~ masuk ke sebuah lorong; ~ balik* menukar haluan ke arah tempat datangnya; *~ selekoh* menukar arah mengikuti selekoh; **2.** PI tidak dapat berjalan, lemah: *kenapa pula itik itu ~ sangat;*

mematah-matah; *~ jari* melipat-lipat atau menarik-narik jari hingga berbunyi;

mematahkan 1. menjadikan (menyebabkan) patah: *~ batang besi;*
2. ki menjadikan (menyebabkan) tidak berlanjutan dll, menggagalkan (mengecewakan, mengalahkan, dll): *~ cita-cita; ~ serangan lawan; ~ haluan* mengalih (menukar) haluan;

mematah-matahkan mematahkan sesuatu beberapa kali atau banyak kali: *mereka ~ ranting kayu utk dibuat kayu api;*

patah-mematahkan ki saling mengalahkan;

terpatah telah (sudah) patah: *tujuh bilah lantai ~, tujuh mengkawan atap ~;*

patahan sesuatu yg patah;

pematahan perbuatan mematahkan;

pematah 1. pepatah, bidalan; **2.** sesuatu yg dipakai utk mematahkan; (*doa, mantera*) *~ lidah* mantera utk membuat orang tidak boleh berkata-kata.

patah II; *~ kemudi* sj tumbuhan (herba yg boleh dibuat ubat); (*kayu*) *~ tulang* sj tumbuhan (pokok kecil), kayu urip, tulang-tulang, *Euphorbia tirucalli*; *rumpun* *~ pisau* sj tumbuhan (rumpun), rumpun bakau (batu, macap, merese), *Daemonorhops leptopus*; *rumpun* *~*

siku sj tumbuhan (rumput), rumput katik belalang (tulang sentadu),
Paspalum orbiculare.

patam sl **1.** hiasan (drpd benang emas dll) pd tepi pakaian; **2.** penutup dahi pengantin;

berpatam mempunyai (memakai) patam: ~ *mas berpelik mutiara kesturi*.

patang Br gelap.

patar sj kikir yg besar serta kasar (utk melicinkan kayu dll);

mematar menggosok (melicinkan) dgn patar.

patat Kl pantat, punggung, bahagian di bawah sekali; ~ *kain* kepala kain; ~ *kawah* a) bahagian bawah kawah; b) ki tempat yg paling hina; ~ *siput* pusar pd jari (tanda pandai bertukang).

patela (patéla) (Bio) tempurung lutut.

paten (patén) surat kerajaan yg memberi hak kpd orang (perusahaan) utk mengeluarkan barang ciptaannya sendiri utk beberapa tahun dgn melarang orang lain menirunya: *dgn menggunakan ~ Marconi, sebuah syarikat wayarles yg pertama telah ditubuhkan*.

patera sl daun.

pateri sj perekat drpd aloi timah dan timah hitam (utk melekatkan perkakas ayan dll);

berpateri berlekat (bersambung) dgn pateri, mempunyai pateri;

mematerikan **1.** melekatkan dgn pateri: *udaranya telah dikeluarkan sebelum tin itu dipaterikan*; **2.** ki melekatkan, menyambungkan (menyatukan dll) erat-erat: ~ *perjanjian dgn sumpah*;

terpateri **1.** sudah dipaterikan, sudah dilekatkan; **2.** ki sudah dilekatkan (diperkukuh dll) erat-erat: *sukar utk melupakan cinta yg telah ~ sekian lama*;

mematerikan perihal (proses atau perbuatan) mematerikan: ~ *kekisi besi yg patah*;

pemateri alat utk mematerikan sesuatu.

paternalisme dasar (sikap atau amalan) sesuatu pihak yg melayani atau berurusan dgn seseorang atau sesuatu pihak lain dgn semangat atau sikap keayahan (sebagaimana sikap seorang ayah melayani berbagai-bagai kehendak anaknya): *salah satu ciri yg menimbulkan unsur ~ dlm firma-firma Jepun ialah sistem pengekalan pekerjaan.*

patgulipat 1. sj permainan kanak-kanak, main sorok-sorok (sembunyi-sembunyi); **2.** bp main curang, tidak jujur;

mempatgulipatkan; ~ *wang* menggelapkan wang.

pati I 1. isi yg terutama (baik sekali) drpd sesuatu, sari, inti; ~ *arak* arak yg tulen, alkohol; ~ *santan* santan yg terbaik, kepala santan; **2.** sj tepung yg halus-halus yg mendak drpd campuran ubi (kopi dll) dgn air: ~ *kopi*, ~ *sagu*; ~ *ubi*; **3.** ki isi yg terpenting drpd sesuatu percakapan (perbincangan dll), inti, pokok: ~ *titah itu adalah cukup nyata*; *yg perlu dicatat ialah ~ isi tulisannya*; ~ *cerita* pokok cerita; *ambil ~nya buangkan hampasnya* prb tiap-tiap cerita (kata) orang, janganlah dihiraukan yg salahnya (buruknya), ambil sahajalah isinya yg betul (baik).

pati II; *denda* ~ denda kerana membunuh orang (melanggar adat): *melanggar undang-undang dan adat ini maka akan dihukum denda* ~; *kerap* ~ membunuh orang dgn sembunyi-sembunyi.

pati III Mn pateri.

pati IV → **patih II.**

patih I taat, setia: *sekalian dayang berbalik pulang dgn ~nya*;

kepatihan ketaatan, kepatuhan, kesetiaan;

pematih suka menurut perintah.

patih II Jw **1.** perdana menteri, bendahara, mangkubumi, wazir; **2.** timbalan bupati (kepala daerah); **3.** sl panggilan (sebutan) orang besar, tuan;

kepatihan tempat tinggal patih, kediaman patih.

patik I 1. hamba, saya (dipakai sewaktu bercakap kpd raja-raja): *mana titah ke bawah duli ~ junjunglah*; **2.** sl hamba tebusan, budak belian;

berpatik memakai (menyebut) patik: *ia sebentar ~ dan sebentar bersaya*.

patik II; mematik menyentuh (memetik) dgn jari.

patik III Jk sirip (sengat) yg berbisa pd ikan sembilang (keli dll).

patik IV; *penyakit* ~ penyakit puru.

patil I sj alat spt beliung kecil utk menarah kayu;

mematil menarah kayu dgn patil.

patil II sirip yg berbisa pd ikan keli (sembilang dll);

mematil menikam dll dgn patil.

patil III kepingan drpd besi dll (papan nombor kereta, dlm bateri, dll).

patin sj ikan darat, *Pangasius spp.*

pating pasak (paku kayu) tempat berpijak apabila memanjat;

memating memasak (mengenakan) pating pd.

patio kawasan atau ruang berturap di sisi rumah, biasanya dijadikan tempat bersantai, minum dsb.

patis sj kain panjang yg dililit di sekeliling kaki di antara buku lali dan bawah lutut (utk menjaga kaki).

patogen (Ubat) agen yg menyebabkan penyakit, terutamanya organisma seni spt bakteria dan virus.

patok Jw kayu pancang, tonggak;

patokan dasar (aturan) utk menjalankan sesuatu, ketentuan (utk dijadikan asas sesuatu), syarat, prinsip: *bidang ilmu bahasa*

memberikan --- baharu bagi penyusunan ejaan yg baik; aku menganalisis sesuai dgn --- yg telah disediakan oleh parti.

patologi cabang perubatan yg mengkaji sebab, punca, proses perkembangan, dan akibat penyakit.

patriark lelaki yg menjadi ketua sesuatu keluarga atau suku kaum.

patriarki sistem masyarakat yg sebahagian besar kekuasaannya dipegang oleh kaum lelaki.

patrilineal (patrilinéal) (Ant) berkaitan dgn hubungan keturunan atau kekeluargaan mengikut garis keturunan sebelah lelaki atau bapa.

patrilokal (Ant) berkaitan dgn, berdasarkan atau mengikut sistem atau pola perkahwinan masyarakat yg menetapkan pasangan yg berkahwin itu tinggal dgn keluarga suami: *keluarga ~*.

patrimoni (Ant) harta pusaka yg diwarisi drpd bapa atau nenek moyang sebelah bapa.

patriot orang yg mencintai dan mempertahankan kedaulatan negaranya, pembela negara.

patriotik bersifat patriot: *kau sudah mempunyai satu sikap yg ~, kau berani dan tegas.*

patriotisme perasaan cinta yg kuat terhadap tanah air: *puisi Itali dipengaruhi oleh rasa perpaduan bangsa dan ~ keitalian yg menjadi tema popular ketika itu.*

patrol, patroli IB **1.** perondaan oleh polis (tentera) utk menjaga keselamatan dll: *pasukan itu menjalankan ~ di tempat itu; 2.* anggota-anggota polis (tentera) yg meronda (utk menjaga keselamatan dll): *~ yg sedang bertugas ditembak mati; 3. = berpatroli* meronda (utk menjaga keselamatan dll).

patrum tabung kecil drpd kertas atau logam yg berisi mesiu (ubat bedil).

patrun IB **1.** sesuatu yg disediakan utk ditiru atau dituruti, contoh, suri teladan; **2.** gambar yg digunakan utk contoh batik, pola.

patuh menurut (perintah, peraturan, hukum, dll), taat, tidak membantah:
ke mana sahaja diperintahkan pergi, dia mesti ~; orang yg kalah undian ini mesti ~ kpd keputusan ramai; ~ janggal nampak sahaja patuh tetapi sebenarnya tidak;

mematuhi menurut (perintah, suruhan, dll), mentaati: *Udin ~ cakap ibunya; pemuda-pemuda Jepun ~ ajaran-ajaran Kongfutze;*

kepatuhan perihal patuh (menurut perintah dll), sifat patuh, ketaatan: *~ mereka itu memerlukan balasan yg sama;*

pematuhan perbuatan mengikut perintah: *~ dan pengabdian masih lagi diutamakan.*

patuk I; mematuk 1. memagut atau mencatuk (biasanya dgn paruh):
ayam ~ cacing; mati dipatuk ular; 2. memukul (picu atau petikan bedil): *picu yg dipetiknya tidak ~ pd kali itu;*

ayam tak patuk, itik tak sudu prb dlm keadaan hina (tidak dipedulikan orang); *ayam ~ anaknya* prb memukul (menghukum) anak dll bukan utk menyiksa tetapi utk mengajarnya.

patuk II; *daun ~ tuan* sj tumbuhan (pokok memanjat), lana, *Thunbergia laurifolia.*

patung I 1. sesuatu bentuk manusia (binatang dll) yg dibuat drpd batu (logam, kayu, dll), arca: *di atas tugu itu ~~~ polis khas akan didirikan; duduk spt ~* duduk tidak bergerak; **2.** = anak ~ patung kecil (permainan kanak-kanak), anak-anakan, boneka; **3.** ki orang dll yg menjadi lambang sahaja (menjadi permainan orang lain dll): *maharaja itu menjadi ~, dimainkan oleh maharaja yg sudah bersara;*

mematung (diam, tiada bergerak-gerak) spt patung: *gadis itu tetap ~; dia ~ di tepi kereta;*

mematungkan 1. menyebabkan jadi patung, menjadikan patung; **2.** memandang (menganggap) sbg patung.

patung II; *belalang* ~ = **patung-patung** sepatung, sibur-sibur.

patung III sj ikan darat, kepar, *Pristolepis fasciatus*.

patung IV Jk = **patungan** berkongsi membeli dagangan (menyewa dll).

patungut Br puntung kayu dll yg berapi.

patut I 1. baik atau elok (perangai, perbuatan, dll), senonoh: *jangan kamu ingin akan yg tiada ~, dan jangan kamu bersalahan dua bersaudara; orang ~-~ orang baik-baik*; 2. layak, sesuai (utk melakukan sesuatu dll): *guru hendaklah tahu bila ia ~ bercakap dan bila ia ~ diam; aku periksa erti-erti perkataan itu dan bagaimana ~ dipakai*; 3. tidak berlebihan atau berkurangan, padan, sesuai: *harga barang itu sudah ~*; 4. sl sepadan (dgn), sesuai benar (dgn), setuju: *maka menjadi ~lah Seri Nara Diraja dgn Paduka Raja, menjadi berkasih-kasih spt saudara sejalan tadi*; 5. berpadanan, seimbang, setimbang: *belum ~ dosanya Hang Tuah ini dibunuh; kalau begitu ~ benar kaya-kaya orang Lampung itu*; 6. tidak boleh tidak, mesti, wajib: *ukuran dada ~ bertambah kira-kira tujuh setengah sentimeter apabila dikembangkan*; 7. perlu, penting: *~ juga diberitahu di sini bahawa ...*; 8. sudah seharusnya, selayaknya: *jika orang bergelar itu ~ bergajah, dibawakan gajah; tetapi Menteri Muda bukan orang yg ~ dilupakan*; 9. sebenarnya, sesungguhnya: *pd ~nya, dialah yg menjadi raja kerana dia yg tuanya*; 10. tidak dihairankan, padan benar: *~lah beria-ia benar dia memandang ke mari tadi*; 11. Kl boleh jadi, mungkin;

sepatutnya 1. semestinya, selayaknya, sepantasnya: *kasihan, ~ engkau duduk bersenang-senang di rumah gedang di rumah batu berlangkan*; 2. sudah selayaknya, sudah tentunya, sebenarnya: *polis ialah pegawai keamanan yg ~ menjadi tempat orang mencari perlindungan*; 3. = dgn ~ dgn selayaknya, dgn baik-baik,

tidak dipermudah-mudah atau dipermain-mainkan: *ia akan menghukum orang yg didapati bersalah dgn ~;*

berpatut-patut ada had atau batasnya yg patut, berpada-pada;

berpatutan 1. tidak lebih dan tidak kurang, padan benar (dgn), sesuai: *kita sendiri juga sedang memerlukan pertahanan yg ~ utk mempertahankan diri kita;* **2.** setimbang, secocok, sepadan: *jikalau negara mesti mengambil harta itu utk kebajikan umum harga yg ~ haruslah diberi;* **3.** tidak keterlaluan, sederhana, sedang: *bagi melaksanakan percubaan ini kita mesti mengeluarkan udara terlebih dahulu dr satu bikar yg ~ besarnya;* **4.** sl baik (kelakuan, perangai, dll), elok, senonoh: *maka adat itu meluluskan yg boleh sahaya menegurkan kelakuan raja-raja yg tiada ~;* **5.** sl kena, cocok, sesuai: *jikalau barang satu perkataan itu dipakaikan ~ dgn tempatnya, nescaya sedaplah bunyinya;* **6.** perlu, cukup: *mereka memikirkan bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu itu ialah suatu pertubuhan yg terlalu jauh utk diberi perhatian yg ~ dlm rancangan pelajaran kebangsaan;*

mematut 1. mengatur atau mengenakan sesuatu supaya elok, memperbaiki, memperelok: *ia berdiri di hadapan cermin besar sambil ~ ikatan sampingnya;* **2.** = **mematut-matut;** ~ diri menghias diri supaya kelihatan tampan, bersolek, berdandan: *bujang itu mundur selangkah ke belakang, demi dilihatnya Rijnhaard mematut-matut dirinya;*

mematut-matut 1. Mn melihat (menyelidiki, memandang, dll) utk mengetahui buruk baiknya; **2.** mengira-ngira (utk mengetahui berapa banyaknya dll), mengagak-agak, menimbang-nibangkan: *dia lantas ~ dan menduga-duga keadaan masa depannya; kalau saya bersuamikan Kamal nanti, demikian dia ~, dapatlah saya menolong meringankan penderitaan mereka nanti;*

mematutkan **1.** mengatur (menyusun dll) supaya elok, membaikkkan lagi, mengelokkan; **2.** sl menganggap patut (padan, sesuai): *maka Tengku Mansor pun hendak menjadi Raja, kerana banyak orang tua-tua ~ dia, kerana ia pangkat tua*; **3.** = **mematut-matutkan**; ~ *diri* mencantikkan diri (supaya kelihatan sajak, segar, tampan) dgn bersolek, berdandan, dsb: *di hadapan cermin muka, ia ~ diri*; **4.** menjadikan patut (padan, sesuai, dll), pertimbangan; **5.** perihal patut, kelayakan, kesesuaian, kecocokan.

patut II; *akar ~ tuan* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Thunbergia grandiflora*.

pau I C sj kuih yg berintikan kacang merah (kaya dll).

pau II C sj kantung wang (pd tali pinggang); **paupau**.

pauh I sj tumbuhan (pokok dan buah), a) *Mangifera indica*; b) = ~ *damar* mempelam bemban, *Mangifera pentandra*; ~ *janggi* sj tumbuhan (palma), nyiur laut, *Lodoicea maldiviica*; ~ *kijang* a) sj tumbuhan (pokok), kebayang, merelang, *Irvingia malayana*; b) sj tumbuhan (pokok), babi kurus, beras-beras, kasir, kedondong matahari, kempas roman, kijai, *Trigonochlamys griffithii*; ~ *pipit* sj tumbuhan (pokok), katak udang, ketak udang, otak udang, puan, terentang tikus, *Buchanania lucida*; ~ *pungah* sj tumbuhan (pokok), balai, *Aralidium pinnatifidum*; *pipi laksana* ~ dilayang ki pipi yg licin dan penuh (bkn perempuan).

pauh II ark sj sukatan yg bersamaan dgn suku cupak, kepul;

berpauh-pauh; ~ *padi* menyukat-nyukat padi dgn pauh.

pauh III; ~ *layang* Kl sj kuih drpd telur.

pauh-pauh; ~ *pasir* sj tumbuhan (pokok renek), akar kani, akar merenang, akar toko takal, ara lumut, guruh peria, guruh periat, mendarung akar, peringkat keting, tuku takal, *Croton caudatum*.

pauk I; *lauk*~ bermacam-macam jenis lauk; → **lauk**.

pauk II; memauk menarik (menggambil dll) dgn sesuatu yg berpengait, mengait, menggait, meraih;

pemauk galah yg berpengait di hujungnya, pengait, gancu.

paul ark **1.** (Sunda) warna biru; **2.** Jk orang yg tidak senonoh (kurang adat, tidak sopan).

paun I 1. = ~ *sterling* unit mata wang United Kingdom; **2.** unit mata wang beberapa buah negara, spt Sudan, Syria dan Mesir; **3.** perhiasan (spt rantai, aguk, dsb) drpd emas berbentuk spt duit syiling.

paun II ukuran berat (yg bersamaan dgn 16 auns atau 0.4536 kg); *roti* ~ sj roti yg dibuat drpd tepung gandum (yg tiap-tiap ketul beratnya satu paun).

paun III tempat mengurung binatang (kerbau, lembu, dll) yg merayau-rayau; *masuk* ~ mengurung binatang yg merayau-rayau dlm paun (sehingga diambil oleh tuannya).

paung (Portugis) ark sj roti kering; *pisau* ~ sj pisau utk memotong roti; → **paun II.**

paupau C sj kantung wang (pd tali pinggang); → **pau II.**

paus I; *ikan* ~ sj mamalia laut yg besar, pd zahirnya menyerupai ikan besar, dan biasanya diburu utk minyak, isi dan tulang, ikan gajah mina, ikan lodan.

paus II biskop di Rom yg mengetuai gereja Roman Katolik.

paut I; *sangkut* ~ kaitan antara dua tiga hal (perkara dll); ~ *bingkai tangguk* Kl cara duduk dgn bercangkung dan tangan memeluk kedua-dua lutut;

berpaut 1. berpegang kuat-kuat (pd), melilit erat-erat (pd sulusuluran dll), tertambat kuat (pd): *tangannya yg ~ pd tiang pintu tadi perlahan-lahan melungsur ke bawah sehingga terkulai; anak-anak kelawar ~ pd bulu ibunya beberapa hari setelah dilahirkan;*

2. ki berpegang teguh-teguh (pd), mengasaskan sesuatu kegiatan dsb: *kita ~ erat kpd suatu metodologi yg lemah yg ditolak oleh pengasasnya sendiri*; **3.** tertutup kembali, terkatup semula, bertaut: *apung terendam di seberang sana, beting ~ dr kualala*; **4.** ki bertemu, bertembung;

~ tidak bertali a) terikat tetapi tidak dgn tali; b) ki masih belum selesai (sesuatu perkara); c) ki perempuan yg sudah diceraikan tetapi belum menerima surat cerainya; *~ sehasta tali* prb tidak dapat berbuat sesuatu dgn sesuka hati;

berpautan saling berpaut, berpegangan: *Mike merapati Darwisah, dan tangan mereka ~*; *~ dgn* ada hubungannya dgn, berkaitan dgn, bersangkutan dgn, bertalian dgn;

memaut 1. memegang dan menarik ke diri sendiri, memegang kuat-kuat (dgn teguh): *tangannya ~ kedua-dua lututnya itu; muka Wan Intan diangkatnya dgn ~ dagu lebah bergantung itu*; **2.** melilit dgn teguh, mengikat, menyangkut: *banyak pokok mengeluarkan sulur paut yg ~ pd sokong*; **3.** ki menyebabkan turut terlibat, melibatkan, menarik (perhatian, pandangan, dll): *ia harus melukiskan suasana dan peristiwa yg benar-benar berlaku, yg ~ sebilangan besar masyarakat*; **4.** ki mengaitkan, menambatkan (perasaan, pandangan, minat, dll): *gadis kampung itulah yg telah ~ hatiku pd kampung halamanku*;

terpaut 1. terikat atau tertambat (oleh rasa kasih dll), terpikat kpd: *hatinya sudah ~ oleh anak dagang yg hitam manis itu; ~ kasih, tersangkut sayang* terlalu amat cinta; **2.** terikat dgn, bersebati dgn: *anak-anak panah yg ~ ipuh berbisa tersumbat rapi dlm serombong buluh*; **3.** terlekat (pd), tertumpu (pd): *matanya ~ ke awan berarak*; **4.** bertemu, tersua: *jika kita mula menyelami perkara itu betul-betul kita akan ~ dgn masalah-masalah yg lebih*

panjang; semasa dia menyunting karya itu dia ~ dgn beberapa kesalahan ejaan;

~ bertali, tertambang berlantak prb terikat oleh adat kerana adat itu belum dilunasi atau diisi;

pautan 1. hasil memaut (memegang dll), pegangan: *mereka pun bersalam-salaman, penuh hormat dan mesra, kemudian ~ tangan mereka terurai;* **2.** tempat berpaut (berpegang dll), sesuatu yg dipaut: *ia masih belum juga berhasil mencari tempat ~ atau tempat tambatannya;* **3.** hubungannya dgn, kaitannya dgn; **4.** tempat menambatkan lembu dll, tempat mengikat ayam; **5.** ki tempat asal; *ayam pulang ke ~* prb sudah pd tempatnya;

perpautan perihal berpaut, perhubungan, pertalian;

pemaut 1. sesuatu yg digunakan utk memaut, pemegang (utk menarik): *ketika ia membuang batu fatom yg ketiga kalinya, tali ~ pinggang putus;* **2.** alat yg menghubungkan enjin dgn sesuatu yg hendak digerakkan (gear).

paut II; terpaut Jk perbezaan, selisih; → **tepaut.**

paut III sl hampir akan sampai (bkn umur), hampir akan mati: *umur kita telah ~lah.*

pavilion 1. bangunan di tepi lapangan olahraga utk kemudahan peserta dan penonton; **2.** rumah tambahan di samping rumah besar; **3.** bangunan sementara, terutamanya utk dijadikan tempat pameran, peraduan, dsb, astaka.

pawagam akronim bagi panggung wayang gambar.

pawah I; *rempah--* berbagai-bagai jenis rempah; → **rempah II.**

pawah II membahagi dua hasil yg diperoleh (drpd sawah, binatang ternakan, dll) antara pengusaha (penjaga) dgn tuan punya: *lembu ~;*

memawahkan menyuruh orang lain mengusahakan sawah (memelihara binatang dll) dgn membahagi dua hasilnya, memperduakan;

pemawahan perihal (perbuatan, usaha, tindakan dsb) memawahkan sesuatu, spt sawah, ternakan dsb: ~ *sawah*; ~ *lembu*;

pemawah orang yg mengusahakan tanah, memelihara ternakan dsb yg dipawahkan oleh tuan punya kepadanya.

pawai 1. = *alat* ~ sl alat kebesaran raja-raja yg dibawa ketika berarak dll:

dan ~ burung-burung dibubuh di hujung galah; setelah pagi-pagi harinya maka segala alat ~ yg berbagai-bagai itu pun diatur oranglah;

2. sl pembawa alat kebesaran raja-raja, penjabat: ~

diatur; **3.** perarakan: *rakyat telah berbaris dan membuat suatu ~ yg besar, berbatu-batu panjangnya;*

berpawai berarak (beramai-ramai): *maka ~lah gadis-gadis itu di hadapanku.*

pawaka sl api.

pawana sl angin, bayu.

pawang 1. orang yg mempunyai kebolehan utk melakukan sesuatu (biasanya dgn menggunakan kuasa ghaib); **2.** orang yg pandai mengubati orang sakit dll (dgn menggunakan jampi mantera dll), bomoh, dukun;

~ *belat (jermal, kelong)* orang yg menangkap ikan dgn belat

(jermal, kelong); ~ *buaya* orang yg pandai menangkap buaya; ~

buru = ~ *pemburuan* orang yg ahli dlm hal memburu; ~ *darat*

pawang yg bertugas di darat (tidak di laut); ~ *gaharu (kapur)*

pawang yg bijak dlm hal-hal mengutip gaharu (kapur); ~ *gajah*

orang yg pandai menangkap serta menjinakkan gajah; ~ *hujan*

orang yg pandai menolak (menjauhkan) hujan; ~ *hutan* orang yg

ahli mengenai hutan; ~ *kapal jurumudi*; ~ *laut (pukat)* ketua

kumpulan nelayan; ~ *lebah* orang yg pandai mencari manisan lebah;

berpawang meminta pertolongan pawang utk mengubati penyakit dsb: *puas sudah kami berbomoh dan ~;*

perpawangan hal (amalan, pengobatan dsb) yg berkaitan dgn pawang: *kehadirannya di pentas perbomohan, perdukunan atau ~ memberi tokoh itu keistimewaan tertentu.*

pawitera (Sanskrit); *air* ~ air suci.

paya **1.** kawasan tanah bencah (digenang air) yg ditumbuhi berbagai-bagai jenis tumbuhan, rawa: *tulang canang berbelok ke kanan menuju tanah lembah yg penuh dgn ~ dan rawa; ~ bakau* kawasan paya yg ditumbuhi pokok bakau, hutan bakau; ~ *kumbuh* kawasan paya yg ditumbuhi sj rumpai (yg daunnya boleh dianyam); **2.** Ph kawasan tanah bencah yg ditanami padi, bendang, sawah.

payah **1.** tidak mudah, tidak senang, sukar, susah: *bukannya ~ benar membuat kerja itu; ~ basa* Kl susah hendak memperkatakan (merundingkan, membincangkan) sesuatu; **2.** berat atau teruk (penyakit): *bapaku mendapat sakit ~ di Sungai Baharu;* **3.** (berasa) letih, lelah, lesu, penat: *rupanya ia kepanasan dan ~ setelah mendayung basikalnya dgn cepat selama setengah jam; tak ~* tidak perlu, tidak usah: *baginda jua mempunyai kuasa utk bertindak sendiri dgn tidak ~ mendengar nasihat sesiapa; berjerih ~ = bersusah ~ = **berpayah-payah;***

berpayah-payah mengerjakan (melakukan) sesuatu dgn berlelah-lelah atau memerah keringat, berpenat lelah: *janganlah saudara ~ kerana saya;*

memayahkan menyebabkan payah, menjadikan payah, menyusahkan, melelahkan: *sekali itu dia berasa payah kembali dr rapat, padahal apalah yg akan ~ dlm rapat itu;*

memayah-mayahkan; ~ *diri* bekerja keras-keras (dgn bersusah-payah), bekerja berat, berpayah-payah;

memperpayah menjadikan lebih payah: *bukan sudah bonda katakan kerja baik pada-pada, jangan badan diperpayah;*

kepayahan **1.** perihal payah, kesukaran, kesusahan: *Wahab mendengar cerita-cerita tentang ~ penduduk pekan Tembeling akibat sekatan yg diadakan oleh kerajaan;* **2.** menderita payah (kesulitan, kekurangan): *sedangkan hendak mendapat sesuap nasi ~, inikan pula hendak menziarahi tempat-tempat yg bersejarah;* **3.** kelelahan, keletihan: *beberapa lamanya ia berdiam diri saja, terengah-engah spt orang ~.*

payang I = pemayang sj pukat (utk menangkap ikan); *orang ~ penangkap ikan yg menggunakan payang; perahu ~ sj perahu nelayan (utk menarik pukat).*

payang II Jk; **memayang** menolong orang berjalan dgn menyangga tangan orang itu, memapah, menyangga.

payang III sj tumbuhan (pokok), buah keluak, kepayang, *Pangium edule.*

paya-paya ark air ludah sirih.

payau I **1.** agak masin (rasa air): *ia terminum air itu sedikit ketika berkumur-kumur, rasanya ~ dan berbau lumpur;* **2.** tidak enak rasanya: *tekakku ~, semacam nak demam rasanya.*

payau II Br rusa.

payit IB, bp menderita kerugian besar hingga jatuh (perniagaan dll), jatuh miskin, bankrap.

payon Jw atap rumah.

payu Jw **1.** harga atau nilai (sesuatu); **2.** laku (barang jualan), laris;

berpayu tawar-menawar (harga sesuatu);

memayakan menentukan harga sesuatu, menawarkan.

payudara buah dada: *barah* ~.

payuk Br; **memayuk** mengikat kaki dan tangan.

payung I 1. alat bertangkai yg biasanya dibuat drpd kain, kertas, dsb yg dipasang pd kerangka boleh lipat utk melindungi seseorang atau sesuatu drpd terkena hujan atau panas matahari dan juga digunakan sbg alat kebesaran raja dll; ~ *kain*; ~ *kertas*; ~ *sutera*; *paku* ~ paku yg kembang kepalanya dan digunakan utk memaku atap zink; **2.** = ~ *terjun* kain bulat yg diberi bertali pd tepinya dan digunakan utk terjun dr kapal terbang (tempat tinggi dll); *askar* ~ *terjun* pasukan askar yg digugurkan oleh kapal terbang; **3.** ki sesuatu yg melindungi, penaung, pelindung: *pd suatu ketika dahulu Tanah Melayu berlindung di bawah* ~ *Inggeris*;

~ *bawat* = ~ *pawat* Jw payung kecil yg berbatang tinggi dan berwarna-warni (utk menunjukkan kebesaran seseorang); ~ *berapit* payung kerajaan yg dibawa berdampingan di hadapan raja dll; ~ *cetera* sj payung utk menunjukkan kebesaran seseorang; ~ *iram-iram* = ~ *rama-rama* sj payung kuning yg bahagian tepinya berlipat-lipat dan terumbai-umbai (utk raja-raja); ~ *perteduhan naungan* ki tempat berteduh, tempat bernaung, tempat mempertaruhkan nasib; ~ *ubur-ubur* sj payung putih yg berlipat-lipat tepinya utk memayungkan jenazah raja (di setengah-setengah tempat digunakan juga oleh raja yg masih hidup);

dianjungkan spt ~, *diambak spt kasur* prb terlalu sangat dimuliakan atau dihormati (terutama orang besar-besar); *sediakan* ~ *sebelum hujan* prb hendaklah bersiap sedia sebelum terjadi sesuatu yg kurang baik;

berpayung memakai payung;

yg ~ yg *ditembak* prb jikalau anak-kemanakan atau anak semang
yg bersalah tentulah yg akan dituntut mamaknya atau induk
semangnya;

berpayungkan menggunakan sesuatu sbg payung: *mereka
berehat di tepi pantai sambil ~ sebatang pohon besar yg rimbun;*

memayungi **1.** melindungi, (menutupkan) dgn payung; **2.** ki
melindungi, menaungi: *sinar merah di hujung langit mula
membayang, kabus putih ~ bukit-bukit tinggi;*

memayungkan mempergunakan sbg payung;

payungan tempat yg dipayungi, lindungan: *kami berteduh di
bawah ~ kanopi kedai itu.*

payung II; ~ *ali* a) sj tumbuhan (herba), *Biophytum adiantoides*; b) sj
tumbuhan (pokok), *Eurycoma longifolia*; *daun* ~ sj tumbuhan
(palma), daun keruh, daun lat, daun sang, daun sar, daun segala, daun
selebar, *Teysmannia altifrons*; *rumpun* ~ sj tumbuhan
(rumpai), rumput pinang, *Mariscus cyperinus*.

Pb simbol kimia bagi plumbum.

PBB kep Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

PBE Id kep Pasaran Bersama Eropah.

PBH Id kep Pemberantasan Buta Huruf.

PBS kep Parti Bersatu Sabah.

PBSM kep Persatuan Bulan Sabit Merah.

P'cis Id kep Perancis.

PC kep *personal computer* (komputer peribadi).

pd kep pada.

Pd simbol kimia bagi paladium.

pdg. kep padang.

PDN Id kep Perusahaan Dagang Negara.

PDPN kep Pusat Daya Pengeluaran Negara.

PDRM kep Polis Diraja Malaysia.

pear (péar) sj buah yg berbentuk sfera di bawahnya dan menirus menuju ke atas, dgn isi berwarna putih, dan kulit yg berwarna hijau lembut.

pebahu = ~ *layar* kayu yg melintang pd tiang perahu utk menggantungkan layar.

pebisi sj tumbuhan (paku), paku laut, piai, piai raya, umbi piai, *Acrostichum aureum*.

pecacal pacal, hamba.

pecah I 1. berbelah-belah menjadi kecil-kecil (benda keras): *pinggan itu terlepas dr tangannya lalu ~; duit (wang) ~ duit kecil*; 2. retak atau merekah (kulit, bibir, dll): *penyakit itu menyebabkan kulit menjadi ~-~; bibir orang tua itu ~-~*; 3. terbelah kulitnya hingga terkeluar isinya (bisul, telur, dll): *bisulnya tidak juga ~*; 4. menjadikan bergumpal-gumpal dan cair (susu atau santan yg basi); 5. tersebar (khabar, rahsia, dll): *tiba-tiba ~ khabar mengatakan askar-askar Jepun telah masuk; disuruhnya orang kepercayaan supaya tidak ~ rahsia itu*; 6. bermula (perang, darurat, dll): *harga getah meloncat naik apabila ~ perang Korea*; 7. sl kalah: *maka segala rakyat Ghorri pun ~ perangnya lalu lari*; 8. menggeletar (bunyi); 9. = **berpecah** berpisah-pisah, tidak bersatu lagi: *persatuan itu ~ menjadi beberapa badan kecil*; 10. sl cerai-berai, bersurai: *maka segala rakyat Pasai pun habis ~, lari cerai-berai dgn banyak matinya*;

~ *amanah* perbuatan menyia-nyiakan atau melanggar amanah; ~ *bau* merata (tersebar) baunya; ~ *daun* Kl keluar daun; ~ *hati* tawar hati; ~ *kepercayaan* hilang kepercayaan; ~ *keringat (peluh)* keluar peluhnya; ~ *minyak* keluar minyak (masakan); ~ *perang* a) mula terbit peperangan; b) sl kalah perang; ~ *perut* berasa sakit perut

kerana terlalu banyak ketawa; ~ *rumah* memasuki rumah utk merompak; ~ *tembelang* terbuka rahsia;

~ *bunyi (tepi) buruk berita* prb Mn kejadian yg kecil diperbesar orang ke sana sini; ~ *kapi putus suai* prb sesuatu yg tidak dapat diperbaiki lagi; ~ *menanti sebab, retak menanti belah* prb hanya menanti masa utk membalas dendam dll;

pecah-pecah pecah pd banyak tempat atau bahagian (sesuatu);

berpecah terbahagi (bercerai) menjadi beberapa kelompok (golongan dll): *kumpulan itu ~ menjadi beberapa cawangan yg lebih kecil*;

berpecah-pecah tidak bersatu padu (masing-masing dgn haluannya sendiri), berpecah belah: *masyarakat yg dilanda perang saudara itu masih hidup ~*;

memecah **1.** menjadi pecah-pecah (ombak dll): *sekali-sekali ombak ~ di jambatan kapal*; **2.** = **memecahkan**: *Halim ~ kesunyian*; ~ *masuk memecahkan* sesuatu (spt pintu, tingkap, dll) dan memasuki (rumah, bilik, dsb);

memecahkan **1.** menjadikan pecah, menyebabkan menjadi kepingan-kepingan dsb yg lebih kecil, menyebabkan sesuatu atau sebahagian drpd sesuatu pecah: *budak itu telah ~ cermin tingkap mereka; kecurian tak boleh berlaku sebelum pintu atau tingkap dipecahkan*; **2.** memecahbelahkan, menceraikan-beraikan, membahagi-bahagi(kan), menghuraikan (ayat dll): *mereka hendak ~ perpaduan nasional, harta dipecahkan menjadi empat bahagian*; ~ *cerita kpd komponennya*; *pecahkan 893025 menjadi pengisi tunggal*; **3.** merosakkan (kesunyian), memusnahkan (sesuatu suasana): *bunyinya itu ~ suasana sunyi di tengah rimba*; **4.** menyiarkan (berita, rahsia); **5.** menyelesaikan membuat kepastian (ketetapan dll) bkn sesuatu soal (kerumitan dll):

masalah itu sukar sekali hendak dipecahkan; mukanya keruh memikirkan sesuatu yg tidak dapat dipecahkan; 6. sl mengalahkan: maka Tun Pikrama digelar baginda Paduka Tuan dianugerahi ia Buru oleh jasanya ~ Pasai itu; ~ kepala (otak) a) memerah otak; b) susah sekali; ~ rekod = ~ rekor Id membaiki atau mengatasi rekod yg telah ada; ~ telinga sangat kuat bunyinya (suaranya);

terpecah-pecah terpisah-pisah, bercerai-cerai;

pecahan 1. sesuatu yg sudah pecah atau dipecahkan, bahagian yg sudah dipisahkan dsb drpd sesuatu yg lain atau yg lebih besar atau lengkap: *~ kaca berselerak di tempat pergaduhan itu berlaku; ~ bom; lihat Rajah 2 utk melihat ~ tajuk; 2.* angka (bilangan) yg bukan angka bulat (spt $1/2$, $2/3$, dll); *~ berulang = ~ repeten* pecahan persepuluhan yg bilangan seluruhnya atau sebahagiannya selalu berulang-ulang; *~ biasa* pecahan yg pengatasnya lebih kecil drpd pembawahnya (spt $3/4$); *~ janggal* pecahan yg pengatasnya sama atau lebih besar drpd pembawahnya (spt $8/8, 11/4$, dll); *~ perpuluhan = ~ persepuluhan* Id pecahan yg menggunakan titik perpuluhan (spt 0.5, 0.8, dll);

kepecahan perihal pecah;

perpecahan keadaan berpecah-pecah atau berpecah belah, keadaan tidak lagi bersatu padu: *pertentangan itu menimbulkan ~ di kalangan rakyat;*

pemecahan perbuatan memecahkan: *~ cahaya putih kpd berbagai-bagai warna;*

pemecah 1. orang yg memecahkan: *~ amanah; 2.* orang yg selalu (suka) memecahkan: *budak itu ~; 3.* alat utk memecahkan.

pecah II; *~ payung = ~ piring paya* sj tumbuhan (pokok), segading jantan, sampu tikus, terubul, *Ixora crassifolia;* *~ periuk* a) sj

tumbuhan (pokok renek), jarum-jarum merah, kayu tentulang, penujuh, pial ayam hutan, siantan hutan, *Ixora chinensis*; b) sj tumbuhan (pokok renek), bunga selang, penabas, *Ixora lobbii*; ~ *periuk jantan* sj tumbuhan (pokok renek), bunga merah hutan, jambul siul, jarum-jarum, mata pialing, medang asam, seratung padi, *Ixora pendula*; ~ *pianggang* sj tumbuhan (pokok renek), kecubung rimba, selumbar, *Rancia macrophylla*.

pecah III; ~ *periuk* a) sj ikan laut, *Lobotes surinamensis*; b) sj ikan laut, *Scolopsis vosmeri*.

pecah belah keadaan tidak bersatu padu (huru-hara, kacau-bilau dsb) sehingga boleh membawa kpd kehancuran, keruntuhan dsb sesuatu institusi (masyarakat, keluarga dsb): ~ *boleh berlaku dlm sebuah masyarakat disebabkan oleh fahaman politik yg berlainan; ayah sekali-kali tidak mahu menjadi punca yg menimbulkan ~ sesama sendiri yg buruk padahnya nanti*;

berpecah belah 1. bercerai-berai, tidak bersatu lagi: *melihat rajanya mati itu, maka sekaliannya pun ~, lalu lari cerai-berai*; **2.** kucar-kacir, porak-peranda: *rumah tangga mereka ~ apabila ibu bapa mereka bercerai*; **3.** = *barang* ~ barang-barang tembikar (pinggan mangkuk dll);

memecahbelahkan menyebabkan jadi pecah belah, menjadikan bercerai-berai: *mereka bertujuan hendak ~ perpaduan antara kaum*.

pecah rekod perihal mengatasi pencapaian yg pernah dicapai sebelumnya dlm sesuatu (peristiwa, sukan, kegiatan dsb);

memecah rekod mengatasi pencapaian yg pernah dicapai sebelumnya dlm sesuatu (peristiwa, sukan, kegiatan dsb): *rekod dagangan hari Selasa pula ~ dgn nilai dagangan yg berjumlah RM1,014.50 bilion*;

pemecah rekod orang atau sesuatu yg mengatasi pencapaian yg pernah dicapai sebelumnya dlm sesuatu (peristiwa, sukan, kegiatan dsb).

pecai (pécai) sj kubis yg daunnya spt daun lobak.

pecak (pécak) **1.** penyek, pesuk, pilih (bola, buah, dll); **2.** buta (sebelah mata) yg pecah bola-bola matanya; ~ *boleh dilayangkan, bulat boleh digulingkan = bulat segiling = ~ setiapik* prb Mn sudah sepakat benar, seia sekata;

memecakkan memenyekkan, memipihkan: ~ *badan di atas tanah.*

pecakari → **picagari.**

pecal I Jw **1.** sj makanan drpd sayur-sayuran (kangkung, tauge, dll) dan sambal kacang; **2.** sj makanan drpd daging ayam atau ikan, berkuah santan, dgn ramuan cili padi, daun cekur dll.

pecal II; memecal memicit dgn jari atau tangan.

pecat; memecat **1.** melepaskan, memberhentikan (drpd jawatan, keanggotaan persatuan, dll): *bagaimana kita ~nya kerana tiada apa salahnya kpd kita; dia dipecat kerana melanggar undang-undang persatuan;* **2.** mengeluarkan, menyingkirkan (drpd sekolah dll); **3.** membebaskan drpd jawatan (utk sementara waktu);

pemecatan perbuatan memecat, pembuangan: ~ *duta dan para pegawai dr negara-negara lain.*

pecen Kl memejamkan sebelah mata.

peci (péci) Id songkok, kopiah.

pecicilan Jw terbelalak matanya.

pecinan Jw kampung Cina.

pecok (pécok) I Jk pesuk.

pecok (pécok) II tempang, pincang (kakinya).

pecok (pécok) III → **pincuk I.**

pecomberan (pecombéran) Jk tempat membuang air kotor dll, pelimbahan.

pecuk sj burung makan ikan.

pecun (pécun) hari yg dirayakan oleh orang Cina dgn bersampan-sampan di sungai dll.

pecus bp becus.

pecut cambuk, cemeti;

memecut **1.** mencambuk, melecut: *kerbau itu berjalan sendiri menarik bajak dgn tak payah dipecut*; **2.** ki menggiatkan, merangsang, menggalakkan; **3.** bergerak dgn jauh lebih laju drpd sebelumnya: *sebuah kereta yg mempunyai lebih kuasa boleh mula bergerak dan ~ lebih cepat drpd kereta yg mempunyai kuasa kurang*; **4.** menyebabkan bergerak dgn jauh lebih laju drpd sebelumnya: *dia lalu ~ keretanya dgn perasaan geram*;

pecutan hasil memecut: *dgn sekali ~, dia sudah berdiri*;

kepecutan kepantasan memecut;

pemecutan perihal (perbuatan dsb) memecut.

peda ikan asin;

memeda mengasinkan ikan.

pedada sj tumbuhan (pokok), bedata, berembang, berembung, bidada, gedaba, *Sonneratia caseolaris (acida)*.

pedagogi (pédagogi) kajian tentang kaedah dan prinsip pengajaran: *sebilangan besar guru di negara ini memerlukan latihan semula tentang perkembangan terbaru dlm bidang kurikulum dan ~*.

pedak I Jk peda.

pedak II ark sj binatang bisa.

pedaka I sl sj kalung aguk (dokoh).

pedaka II Kd papan penutup liang lahat; → **daka**.

pedaka III pintu gerbang yg berbumbung dan dilengkapi bangku.

pedal I □□ **hempedal** □□□

pedal II □□ ~ *ayam* ibu kunci, mangga.

pedal III sj tumbuhan (pokok renek), empedal ayam, hempedal ayam, mempedal ayam, nasi sejuk, serapat, *Salacia grandiflora*; ~ *itik* sj tumbuhan (pokok), dedalu api laut, hempedal itik, kepala beruk, senaluh api laut, *Hydnophytum formicarium*.

pedal (pédal) perkakas yg ditekan dgn kaki (spt pd basikal, mesin jahit, dll) utk menggerakkan sesuatu bahagian dlm mekanisme, pijak-pijak, injak-injak.

pedanda ketua agama di Bali, pendeta.

pedang senjata yg panjang bilahnya, biasanya tirus di hujungnya dan tajam;

~ *beladau* pedang pendek; ~ *bentuk* pedang yg melengkung bilahnya; ~ *ekor pari* = ~ *setiabu* pedang yg bersegi tiga matanya; ~ *jenawi* pedang panjang yg dipegang dgn dua belah tangan; ~ *kerajaan* pedang kebesaran (raja dll); ~ *lurus* (*serunai*) pedang utk bermain anggar; ~ *rumpit* sj alat spt pedang utk memotong rumput; *main* ~ berlawan pedang;

(*spt*) *kena* ~ *bermata dua* prb terlalu sakit hati; *menepuk mata* ~ prb menentang orang yg kuat (berkuasa);

memedang menetak dgn pedang; ~ *rumpit* memotong rumput (dgn pedang rumput).

pedangit; ~ *putih* sj tumbuhan (herba), ati-ati besar (merah), daun ati-ati, *Coleus atropurpureus*.

pedap; *kertas* ~ kertas utk menyerap dakwat dll, kertas sap;

memedap menyerap (dakwat, air, dll).

pedapa ark sl ranting muda; **pendapa I**.

pedar 1. rasa pahit dan pedas (spt rasa kulit limau), tengik (rasa atau bau); **2.** = ~ *hati* kesal;

kepedaran perihal pedar, kekesalan hati, kepahitan.

pedarat sj kuih drpd tepung yg berinti kelapa dgn gula dan ditabur dgn bijan.

pedas 1. rasa spt rasa lada (cili dll): *kuahnya terlalu ~; ia lebih suka makan yg ~-~; rendang ~* sj lauk yg pedas; **2.** tajam atau keras (teguran, komen, dll), menyakiti hati (kata-kata dll): *pemimpin-pemimpin itu mendapat kecaman ~ drpd surat-surat khabar; kata-kata yg tajam dan ~; bercakap ~* mengeluarkan kata-kata yg tajam;

belum tahu dipedas lada prb belum ada pengalaman; *supaya tahu akan ~ lada, supaya tahu akan masin garam* prb supaya tahu akan susah hidup;

memedaskan menjadikan pedas; *katanya ~ hati* menyakiti hati;

kepedasan terasa sangat pedas.

pedati sj kereta yg ditarik oleh kuda (lembu);

berpedati menaiki pedati: *dia ~ di sepanjang jalan ke Jefferson.*

pedena ark sj tempayan besar yg luas mulutnya.

pedandang I sl sj pita berbenang emas utk perhiasan pakaian: *kain ~; seluar ~.*

pedandang II sj burung, itik air, *Heliopais personata.*

pedandang III; ~ *gagak* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar labu air, akar timun gajah, ketimun, labu air hutan, *Trichosanthes wallichiana.*

pedengan (pédéngan) Jk **1.** sesuatu utk menutup (layar, tabir, tirai, dll);

2. ki sesuatu yg digunakan utk menutup (menyembunyikan) maksud yg sebenarnya, dalih, topeng; **3.** = *nama* ~ nama samaran.

pedewakan (pedéwakan) ark sj perahu Bugis.

pediah bp fidyah.

pediatrik (pédiatrik) cabang sains perubatan yg berkaitan dgn perkembangan, penjagaan, dan penyakit kanak-kanak: *wad* ~.

pedigri (pédigri) (Bio) **1.** rekod rasmi yg mencatatkan turunan baka sesuatu binatang; **2.** berasal drpd baka tertentu yg terpilih atau diketahui (bkn binatang), baka jati: *kuda* ~; *lembu* ~.

pedih **1.** rasa sakit spt apabila luka kena air limau (mata kena asap dll): *kulit mukanya terasa ~ kena matahari*; **2.** = ~ hati a) sangat pilu atau sedih; b) sakit hati: *ia berasa ~ mendengar ucapan itu*; **3.** menyakitkan: *azab yg amat ~*; ~ *hulu hati* rasa pedih pd hulu hati yg menaik hingga ke leher dan tekak, kadangkala disertai dgn rasa masam di tekak, disebabkan penyongsangan aliran asid dr perut ke atas;

memedihkan menjadikan pedih: *asapnya ~ mata*; *ia mengeluarkan kata-kata yg ~ telinga*;

kepedihan **1.** perihal pedih, rasa pedih; **2.** menderita pedih: *anak itu menangis ~ apabila luka nya dicuci*; **3.** kesedihan, kesakitan dlm hati: *apa yg bagi mereka merupakan keriaan, baginya merupakan ~*;

pemedih sesuatu yg memedihkan: *gas ~ mata*.

pedikir **1.** sl lagu perang: *maka Tun Bija Sura pun menyanyi ~, perisainya bergenta ...*; **2.** penyanyi dikir; → **dikir**.

pedo Kd teliti (berhati-hati) utk melakukan sesuatu: *berjalan tu ~-~lah*.

pedofilia (pédofilia) (Psi) keinginan mengadakan hubungan seks dgn kanak-kanak.

pedologi (pédologi) **I** kajian tentang kehidupan, tingkah laku dan perkembangan diri kanak-kanak.

pedologi (pédologi) **II** kajian saintifik tentang pembentukan, ciri, penggunaan dsb tanah.

pedoman **1.** sj alat berupa jam yg menunjukkan arah (mata angin), kompas; **2.** ki sesuatu yg dijadikan asas (pegangan) utk melakukan sesuatu, petunjuk: *kitab suci al-Quran ialah sebaik-baik panduan dan ~ bagi kehidupan manusia; harga ~ harga yg dijadikan dasar harga jualan umum; 3.* buku petunjuk (mengandung cara menjalankan atau melakukan sesuatu): *kebanyakan pembuat motokar membekalkan buku ~ yg memberi penerangan tentang kereta itu; 4.* pimpinan (perkumpulan dll), pengurus;

berpedoman **1.** mempunyai pedoman; **2.** berpegang (pd), mengarah ke: *~ pd agama;*

berpedomankan berpedoman (berpegang) pd: *orang-orang itu mencari jalannya dgn ~ bintang-bintang di langit.*

pedometer (pédométer) alat utk menganggarkan jarak seseorang berjalan kaki dgn merakamkan jumlah langkahnya.

pedongkang = *sampan* ~ sj perahu besar, tongkang.

pedor Tr mengalir, mengubah haluan (perahu dll): *dia bernasib baik kerana sempat ~, kalau tidak pasti perahunya melanggar tebing.*

pedu → **hempedu.**

pedukang I sj ikan laut; → **bedukang.**

pedukang II Kd lelaki yg mata keranjang.

peduli = ~ akan (*dgn*) menghiraukan, mengambil perhatian akan, endah akan: *dia sedar ramai orang memerhatikannya tetapi dia tidak ~; ~ apa dgn benda-benda yg tidak menguntungkan; ambil ~ a)* mengendahkan; b) turut campur (hal orang lain);

mempedulikan **1.** mengambil perhatian akan, mengendahkan: *nasihat kawan-kawannya tidak dipedulikannya; 2.* turut campur (dlm hal orang dll): *aku memang tak mahu ~ hal orang lain;*

kepedulian perihal atau sikap ambil peduli (terhadap seseorang atau sesuatu), perhatian, keprihatinan: *badan korporat turut*

memperlihatkan ~ yg besar apabila mereka turut menganjurkan teater atau apa jua acara kebudayaan.

pedung sj tumbuhan (pokok renek yg akarnya dibuat ubat), penawar lipan, pokok lalipan, tentulang jantan, *Pedilanthus tithymaloides*.

pedusi Mn **1.** perempuan; **2.** isteri; *dilangkahi ~ dikuasai perempuan (isteri).*

peduta sl wakil, utusan; → **duta**.

peg Id kep pergunungan.

Peg. kep Pegawai: ~ *Penyelidik*.

pegaga, pegagan = ~ *tekukur* = ~ *ular* sj tumbuhan (herba yg menjalar, daunnya dibuat ulam), penggaga, *Hydrocotyle asiatica*; ~ *embun* sj tumbuhan (herba), kara-kara, ulam gunung, *Hydrocotyle sibthorpioides (rotundifolia)*; ~ *gajah* sj tumbuhan (herba), *Hydrocotyle javanica*.

pegah ark; **terpegah** termasyhur, terkenal; → **megah**.

pegal **1.** berasa tegang dan kaku (anggota badan): *duduk dua jam itu sudah membuat pinggangnya ~-~*; **2.** = ~ *hati kesal, sesal*;

memegalkan **1.** menyebabkan menjadi pegal; **2.** menyebabkan menjadi sesal, kesal.

pegan ark; **terpegan** kaku dan tidak dapat berkata (kerana terperanjat dll), terpegun: *mereka ~ melihat kejadian itu*.

pegang bp = **berpegang, memegang**;

berpegang = ~ *pd* **1.** memaut sesuatu dgn tangan, berpaut (*pd*), berkuat (*pd*): *ia ternampak seorang budak hanyut yg ~ pd sekeping papan; Zaini terhuyung-hayang mencari tempat utk ~; ~ tangan* a) berganding tangan; b) bekerjasama, bahu-membahu; **2.** berpedoman atau berpandu kuat (*pd*): *mereka ~ kukuh pd adat dan agama; ~ pd yg benar; ~ pd prinsip-prinsip tertentu*;

berpegangan 1. saling berpegang: *kami ~ melintas jalan itu*; 2. berpegang pd, berpedoman pd, menggunakan pegangan;

memegang 1. memaut (menggenggam, mencapai) dgn tangan, menangkap (pencuri dll): *ia terperanjat apabila orang ~ bahunya; tangan kanannya ~ beg; ~ pencuri menangkap pencuri*; 2. memakai (menggunakan) senjata dll: *seluruh pasukan itu ~ senapang; orang yg tidak ~ kad pengenalan orang yg tidak mempunyai atau tidak membawa kad pengenalan*; 3. menguasai, mengelolakan, mengurus (perusahaan, kedai, dll), menjabat atau menjawat (jawatan, pangkat, dll): *penghulu-penghulu yg ~ bala tentera; segala yg ~ hasil negeri; maka pd masa itu Inggeris ~ perintah dlm Melaka; dia bertukar ke Ipoh kerana ~ jawatan baharu di sana*; 4. melaksanakan (perintah, aturan, dll), mematuhi: *ia ~ segala peraturan*; 5. berpegang teguh pd (janji dll), menerima (sbg sesuatu yg boleh dipercayai, diakui benar, diharapkan, dll): *mereka tetap ~ adat; cakapnya tak boleh dipegang* tidak boleh dipercayai; 6. memasuki tubuh manusia (bkn hantu dll), merasuk: *saya ini dah dipegang syaitan*;

~ *amanah* menjalankan amanah; ~ *buku* mengurus buku kira-kira (dlm perniagaan); ~ *cempurit* a) memegang pimpinan; b) memimpin sesuatu gerakan (dgn rahsia); ~ *kemudi* a) memandu (kereta dll); b) memimpin (persatuan dll); ~ *peranan* menjalankan peranan; ~ *wang (duit)* a) menggenggam wang; b) mengurus hal-hal kewangan (perniagaan dll); c) mempunyai wang; *bagai ~ buah kepantasan beruk, ditelan mati emak, diludahkan mati bapak* prb dlm keadaan serba salah;

memegangkan memegang utk: *pegangan budak itu bajunya*;

pegangan 1. sesuatu yg dipegang: *kerana terburu-buru habis bertaburan ~nya*; 2. bahagian sesuatu benda tempat dipegang

(tangkai, hulu, dll); **3.** pekerjaan (daerah dll) yg dipegang: *dan Tun Talanai anak Bendahara Paduka, ~nya Suir*; **4.** sesuatu yg dijadikan dasar utk menentukan sesuatu, pedoman, pendirian: *ada beberapa perkara yg harus diingat dan dijadikan ~*; *buku ~ buku pedoman*; *hilang ~ hilang kepercayaan*; **5.** perbuatan memegang: *dicubanya melepaskan diri drpd ~ orang itu*;

perpegangan pegangan;

pemegangan perbuatan memegang;

pemegang 1. alat utk memegang sesuatu: *~ kanta*; **2.** bahagian alat tempat dipegang (tangkai, gagang, dll), pegangan; **3.** orang yg memegang atau mempunyai hak atas sesuatu: *~ saham*;

~ amanah orang yg menjalankan amanah; *~ andil (saham)* orang yg memegang saham, persero; *~ buku* orang yg mengurus buku kira-kira; *~ polisi* orang (badan, syarikat, institusi dsb) yg mempunyai polisi insurans; *~ rekod* orang yg berjaya memperoleh pencapaian terbaik, tertinggi dsb dlm sukan atau kegiatan lain; *~ saham* orang atau badan yg memiliki saham dlm sesebuah syarikat; *~ serah hak* (Udg) orang yg dipindahkan harta atau hak kepadanya mengikut undang-undang; *~ wang* orang yg menjaga hal kewangan (perniagaan dll).

pegar = *ayam ~ = burung ~* sj burung, burung tatera, *Lophura ignita rufa*.

pegari sl dapat dilihat, muncul, menjelma.

pegas 1. besi baja yg nipis dan boleh melenting (terdapat dlm jam, senapang, dll), spring, per; *~ jam*; *~ rambut* pegas yg halus-halus spt rambut; *gaya ~* kekuatan atau kuasa melenting; **2.** Mn rotan dll utk memukul tilam dll;

memegas 1. melenting, menganjal; **2.** mengibas-ngibaskan kepak hendak terbang; **3.** memukul tilam dll dgn rotan dll.

pegat; memegat **1.** menahan (menghalang) di jalan, mengadang; **2.** memutuskan (perhubungan dll);

pemegatan perbuatan memegat.

pegawai **1.** orang yg bekerja dgn kerajaan (perusahaan dll): *ayahnya seorang ~ di Jabatan Perdana Menteri*; **2.** orang yg berpangkat Leftenan Muda ke atas (dlm tentera), orang yg berpangkat Inspektor ke atas (dlm pasukan polis); **3.** sl perkakas: *bukankah Allah Taala menjadikan tujuh petala langit itu tiada dgn semata ~*;

~ *bertauliah* pegawai dlm angkatan tentera yg diberi tauliah; ~ *daerah* pegawai yg mengetuai sesuatu daerah; ~ *de facto* (Udg) pegawai yg memegang sesuatu jawatan tanpa mengikut cara yg ditetapkan oleh undang-undang; ~ *kanan* pegawai yg lebih tinggi drpd pegawai-pegawai lain; ~ *kerajaan* pegawai yg bekerja dgn kerajaan; ~ *kontrak* pegawai yg dilantik berkhidmat secara kontrak (mengikut keperluan projek dsb); ~ *memerintah* pegawai tentera yg bertanggungjawab untuk mengawal atau mengawasi satu kompeni; ~ *pelajaran* pegawai perkhidmatan pelajaran; ~ *pemerintah* pegawai tentera yg bertanggungjawab untuk mengawal atau mengawasi satu batalion; ~ *rendah* pegawai tingkatan bawah; ~ *tinggi* pegawai tingkatan atas; ~ *turus* kumpulan pegawai kanan tentera yg membantu pegawai pemerintah;

kepegawaian perihal pegawai.

pegawam ark → **peguam**.

pegel Jk pegal.

pegimana Id, bp bagaimana.

pegoh (pégoh) sj siput yg menghasilkan mutiara.

pegon (pégon) Jw bahasa Jawa yg ditulis dgn huruf Arab (memakai tanda bunyi).

peguam orang yg ahli dlm bidang undang-undang, yg biasanya menjadi pembela atau pendakwa dlm sesuatu perkara di mahkamah; → **guam I.**

peguam bela (peguam béla) peguam yg membela kliennya dlm mahkamah undang-undang, advokat.

peguam cara peguam yg menyediakan dokumen undang-undang spt wasiat, jualan tanah atau bangunan, menasihati klien tentang perkara-perkara perundangan dan bercakap bagi pihak mereka di mahkamah rendah.

pegun tidak bergerak, kaku: *gambar ~;*

memegunkan **1.** menyebabkan pegun (tidak bergerak); **2.** ki menyebabkan seseorang terpegun (kerana terpicat, kagum dsb): *ada yg benar-benar dapat ~ tetamu dgn suaranya; kelunakan suara bacaan ayat-ayat suci al-Qurannya ~ para pendengar;*

terpegun kaku dan tidak dapat berkata-kata (kerana terperanjat dll): *dia ~ berdiri di pintu dgn mulutnya ternganga;*

keterpegunan keadaan terpegun: *~ seorang insan.*

peheh Tr tidak berdaya, tidak berapa pandai: *dia tu ~ tapi hendak sangat bermain bola.*

peher (péhér) Kl; **memehér** mencubit, memulas, menggetil.

pehong (péhong) C penyakit perempuan.

pejajaran Jk hantu, syaitan.

pejal keras dan padat, tidak berongga dalamnya: *tubuhnya gempal dan ~; batu ~ sj batu yg keras dan padat, granit;*

memejalkan menjadikan pejal, memadatkan, memampatkan;

kepejalan perihal (keadaan) pejal;

pemejalan proses menjadikan sesuatu pejal;

pemejal bahan yg memejalkan: *krim ~ payudara*.

pejalwap; memejalwap (Kim) bertukar drpd keadaan pepejal kpd wap (gas);

memejalwapkan menukarkan sesuatu drpd keadaan pepejal menjadi wap (gas) dgn memanaskannya;

pemejalwapan proses memejalwap(kan): *dua benda yg mengalami proses ~ ialah iodin dan ammonium klorida*.

pejam tertutup (mata), kejam: *matanya hampir ~; ~ celik* seketika pejam seketika celik;

memejamkan menutup (mata), mengejamkan: *ia ~ matanya*;

terpejam tertutup (mata): *anak anjing itu belum boleh melihat kerana matanya masih ~*.

pejatian ark; ~ *awak, kepantasan orang* prb tidak sependapat dgn orang ramai.

pejera alat pd hujung senapang utk membidik, pembidik.

pejoh (péjoh) NS pejur.

pejong Kl; **terpejong** kejang, keras; *mati ~ mati kejang*.

pejorasi (péjorasi) (Lin) perubahan (peluasan) makna sesuatu kata drpd makna yg baik kpd yg kurang elok, mis *khalwat* yg asalnya bermaksud *menyendiri utk beribadah* kpd *berdua-duaan antara lelaki dgn wanita yg bukan mahram di tempat yg terpencil atau tersembunyi*.

pejoratif (péjoratif) yg mempunyai makna yg tidak menyenangkan atau mencemuh (bkn kata atau ungkapan).

pejur tidak berhenti-henti (hujan).

pek (pék) I IB, bp minyak tar utk melapis jalan, aspal.

pek (pék) II Kl menyusu pd kopek (tetek); *mak ~ sj* permainan menghalau hantu.

pek (pék) III Jk kep empek.

pek (pék) **IV** satu bungkus kecil sesuatu benda (utk dijual dsb): *satu ~ baterai empat saiz AA.*

peka (péka) **1.** sl tidak lengah (lalai); **2.** lekas berasa (sesuatu), lekas bergerak balas terhadap pengaruh-pengaruh luar, rangsang (mata, kulit, saraf, dll), mudah bergerak (timbangan neraca), sensitif: *alat yg amat ~ yg boleh mengukur satu persepuluhan juta tenaga nyamuk; labah-labah mempunyai sesungut yg ~ terhadap sentuhan;* **3.** menyedari (dgn sesungguhnya) dan menghayati sesuatu, sensitif: *kita harus ~ terhadap perkembangan semasa di negara kita; pensyarah-pensyarah di Jabatan Pengajian Islam ~ terhadap karangan ulama-ulama besar;*

memeka menghiraukan, mempedulikan;

kepekaan perihal peka (mudah berasa, mudah atau cepat bergerak balas, menyedari, dan menghayati sesuatu): *cara ini boleh mengurangkan ~ mata terhadap cahaya yg terlalu terang; ~ perancangan bahasa adalah penting supaya penilaian ini membawa erti.*

pekaca; *adiratna* ~ permata yg suci (panggilan utk kekasih).

pekah bp nafkah.

pekaja sl sj bunga teratai.

pekak **1.** tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar dgn baik, tuli: *ayahanda orang tua, kabur mata, ~ telinga;* **2.** bengap, tidak nyaring bunyinya; ~ (-pekak) *badak a) = ~ batu pekak (tuli) benar-benar; b) pura-pura tidak mendengar, sengaja tidak mahu mendengar; c) tidak mendengar bunyi (suara) yg kuat tetapi boleh mendengar bunyi (suara) yg lembut; ~ labang kurang baik pendengarannya, tuli sedikit; yg ~ pelepas bedil, yg buta pengembus lesung, yg bisu*

penggera ayam, yg lumpuh penghuni rumah prb setiap orang ada gunanya;

memekak membuat bising;

memekakkan **1.** menjadikan pekak; **2.** menyebabkan terasa pekak: *bunyi enjinnya ~ telinga;*

terpekak pekak dgn serta-merta (kerana kepalanya kena pukul dll).

pekak (pékak) daun terup yg bertanda J.

pekaka, pekakak sj burung, burung buaya, *Pelargopsis amauroptera*; *keris (hulu)* ~ sj keris dr Patani (hulunya berbentuk kepala burung pekaka); ~ *api* sj burung, binti-binti *Ceyx e. erithacus*; ~ *bukit* sj burung, *Alcedo curyzona peninsulae*; ~ *cicit* sj burung, burung raja udang, *Alcedo atthis bengalensis*; ~ *rimba* sj burung, kaing-kaing rimba, *Lacedo p. pulchella*; ~ *rimba besar* sj burung, *Halcyon c. concreta*.

pekam brek yg kuat, brek angin.

pekan I **1.** tempat perniagaan, bandar: *Petaling Jaya ialah ~ tambahan kpd Kuala Lumpur*; **2.** tempat orang berjual beli, pasar: *segenap lorong di ~ pesara penuh dgn kaum Melayu, Cina dan Siam*; **3.** = ~ *sari (sehari)* pasar yg diadakan sehari dlm satu minggu; ~ *Ahad (minggu)* pekan yg diadakan hanya pd hari minggu; **4.** minggu, tujuh hari: *dua tiga ~ sebelum perayaan itu anak negeri telah sibuk bersiap-siap*; *se~* seminggu; *warta se~* majalah mingguan; **berpekan-pekan** beberapa pekan (minggu).

pekan II **1.** sj tumbuhan (pokok renek dan bunganya), melur, *Jasminium curtisii*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), *Azima tetracantha*; **3.** sj tumbuhan (pokok), *Dehaasia microcarpa*; ~ *betina* = ~ *hutan* = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek dan bunganya), melur, *Jasminium bifarium*.

pekap; memekap menutup (telinga, mulut, dll) dgn sesuatu yg pipih (spt tangan dll), menekap: *raungan guruh membuat penumpang ~ telinga;*

memekapkan memekap sesuatu pd, menekapkan: *Tuan Abdusuki membawa alat pendengaran yg dipekapkan ke telinga.*

pekarang (Sunda) ark senjata.

pekasam ikan (daging, sayur, dll) yg diasinkan (dimasamkan) dan disimpan beberapa lama; *alang-alang menyeluk ~, biar sampai ke pangkal lengan* prb membuat sesuatu hendaklah sampai sudah (tidak alang kepalang).

pekat I 1. tidak cair, kental, likat: *santan itu kalau agak likat atau ~ boleh ditambah air sejuk; penuh ~ penuh sesak; susu ~ susu likat (dlm tin); tanah ~ tanah liat;* 2. keras (kopi dll): *Wak Kudin mengonyeh-ngonyeh lalu menelan dan kemudian menunda dgn air kopi ~; asid ~ asid yg kuat (tiada banyak bercampur air);* 3. tidak jernih (air); 4. gelap atau kelam (warna dll); *gelap (kelam) ~ gelap sekali; hitam ~ hitam sekali;* 5. ki tebal, teguh, kuat, dsb (bkn percakapan, kepercayaan dsb): *loghat Kelantannya masih ~ walaupun telah lama menetap di Kuala Lumpur; tambah Solisir yg ~ dgn kepercayaan pd cerita dongeng;*

memekat menjadi pekat: *hitam malam kian ~;*

memekatkan menyebabkan jadi pekat: *bijirin ini digunakan utk ~ susu bayi;*

kepekatan perihal atau keadaan pekat: *~ ammonia; ~ malam; ~ warna;*

pemekatan perihal (proses atau perbuatan) memekatkan (bkn cecair dsb): *~ dgn penambahan gula, garam dan pengawet lain;*

pemekat bahan yg menjadikan pekat, bahan yg memekatkan: *biasanya tepung jagung digunakan sbg ~ dlm masakan itu.*

pekat II bp muafakat.

pekatu; *bedil* ~ sl sj meriam; **pengatu**.

pekatul tepung melukut (utk dibuat bubur dll).

pekau; **memekau** ark memekik, menjerit; → **pikau I**.

pekerma (Sanskrit) gelaran utk orang besar.

pekerti 1. = *budi* ~ perangai, kelakuan, tabiat: *iman yg sempurna dan ~ yg baik itulah yg kekal*; **2.** perbuatan (kurang baik): *ia pun sangat marah mendengar ~ anaknya*;

berpekerti mempunyai pekerti: *dia cuba membentuk sebuah masyarakat yg bersopan dan ~ mulia*.

peket (pékét) bekas kecil drpd kadbod, kertas, plastik, dsb utk mengisi barang, bungkusan kecil: *satu ~ gula-gula*.

pekik = **pekikan 1.** teriak yg kuat, jerit: "*tolong!*", *~nya dgn suara yg menyeramkan*; **2.** sorak atau teriak (sbg semboyan dll): *sejurus kemudian kedengaran pula ~ merdeka bergemuruh; kedengaran ~ anak-anak bermain di halaman; ~ jerit = jerit ~ pekikan dan jeritan; ~ pekuk* bermacam-macam pekik dan jerit;

berpekik = **memekik**;

memekik berteriak kuat, menjerit: *mahu rasanya ia meraung dan ~ sekuat-kuatnya; ~ sampai ke langit* memekik kuat-kuat;

memekikkan 1. mengatakan sesuatu dgn suara yg keras, meneriakkan, menjeritkan: *ia membuka mulut hendak ~ segala kecemasannya*; **2.** ki menyeru-nyerukan, melaung-laungkan, mengheboh-hebohkan;

terpekik tiba-tiba memekik;

terpekik-pekik terjerit-jerit (kerana kesakitan, ketakutan, dll): *anak-anak perahu itu ~ ketakutan kerana perahu mereka hampir-hampir terbalik*.

pekin I; **terpekin** termenung, terpegun.

pekin II Kd jimat, tidak boros;

berpekin berjimat.

peking I; memeking mendengking (anjing dll), menangis menjerit-jerit.

peking II sj burung pipit.

pekir bp tidak dapat dipakai lagi; → **apkir**.

pekis; memekis mengeluarkan kata-kata yg menyakiti hati (keras, menghinakan, dll).

pekiwan Jw tempat kencing (cebok dll).

pekojan kampung tempat khoja; → **khoja**.

pekong (pékong) I topekong.

pekong (pékong) II Kl; **sepekong** sepelontar; ~ *tempurung* dekat sangat;
memekong melempar, melontar.

pekong (pékong) III; terpekong tercengang, terpegun.

pekpa (pékpa) pekung.

pekpa Kl kurang periksa, tidak tahu.

peksi sl sj burung; → **paksi II**.

pektin (Kim) sj bahan yg terdapat dlm buah-buahan, yg menjadi kental apabila dipanaskan dgn larutan gula (utk membentuk jem).

peku ark; *se~* seribu.

pekuk I bengkok, cengkok (tangan, kaki, dll).

pekuk II Mn; **memekuk** menetak.

pekuku sj ikan laut, bekukung.

pekula sj tumbuhan (pokok), kekula, mengkula, pokok tanjung,
Mimusops elenggi.

pekulun Jw, sl tuanku.

pekung sj penyakit kulit yg teruk seakan-akan bisul yg sangat besar dan berbau busuk, cabuk;

membuka ~ di dada = meraih ~ ke dada prb mendedahkan keburukan diri, sengaja mencari malu (kesusahan);

berpekung berpenyakit pekung.

pekup kerekot (jari-jari tangan).

Pekuper Id akronim bagi Pelaksana Kuasa Perang.

pekur; memekur merenungkan, memikirkan; □ **tafakur**.

pel (pél) I Id kain pengesat;

mengepel menyapu atau mengesat dgn pel.

pel (pél) II = **pelan** tanah lapang.

pel (pél) III IB gentel, butir (ubat dll); **pil**.

pel (pél) IV IB 1. helai (kertas); 2. sehelai kertas yg bercetak (8 atau 16 halaman).

pelabi Jk dalih, tipu daya (muslihat).

pelabur sl makanan dll yg sudah ditentukan, catu, rangsum: *Sultan Iskandar Shah menyuruh mengeluarkan beras kpd bendahari akan ~ segala rakyat; ~ habis Palembang tak alah prb modal telah banyak habis tetapi faedah akhirnya tiada.*

pelacut Pl; **terpelacut** terpancut, terpelanting.

pelaga I sj ikan darat, belaga, sepalai, *Betta splendens*.

pelaga II → **kepulaga**.

pelagik (pélagik) 1. dijalankan di laut terbuka (bkn penangkapan ikan, paus dsb); 2. terdapat atau hidup berhampiran dgn bahagian permukaan laut terbuka (bkn hidup-hidupan laut): *plankton merupakan organisma ~.*

pelagra (pélagra) penyakit yg terjadi akibat kekurangan sj vitamin B (niasin) dan dicirikan dgn gatal-gatal kulit, radang mulut, cirit-birit, dan gangguan mental.

pelah I = ~ *lidah* pelat, telor.

pelah II; *daun ~ besar* sj tumbuhan (pokok renek), gajah beranak, bunga cenang, *Goniothalmus scortechinii*.

pelahang; terpelahang terbuka luas (pintu dll), ternganga, terpelangah.

pelahau Pr, Kd; **terpelahau** terlepas (peluang dll), kecewa, hampa.

pelajau sj tumbuhan (pokok), pelung, *Pentaspadon officinalis*.

pelak pelang, belang.

pelak (pélak) **I** ark **1.** sj hantu yg jahat, badi; **2.** kata makian.

pelak (pélak) **II** salah, silap; *tak ~ lagi* tidak salah lagi, sudah tentu benar; *tak ~ dr* tidak luput dr.

pelakar Kl petir.

pelakat IB surat pengumuman dll yg ditampalkan ke dinding dll.

pelalah pelahap.

pelaling sj ikan laut, *Rastrelliger kanagurta*.

pelam mempelam.

pelambai; *se~* ukuran jauh, sejauh nampak orang melambai.

pelamin = **pelaminan** **1.** tempat pengantin bersanding; *naik ~* kahwin; **2.** tempat tidur pengantin: *telah sudah kahwin, masuklah ke dlm ~.*

pelampang Jk pondok (balai, rumah) sementara pd masa kenduri dll.

pelampas; *pokok ~ budak* sj tumbuhan (herba), kencing pelanduk, mengkuang tikus, *Apostasia nuda*.

pelampung **I** sesuatu yg ringan dan terapung (utk mengapungkan pancing atau orang supaya tidak tenggelam dll, menunjuk jalan di laut).

pelampung **II**; *~ jaring* sj ikan darat, *Puntius partipentazona*.

pelampung **III** sj tumbuhan (pokok), ambung-ambung, *Scaevola frutescens*.

pelan **I** bp perlahan; *~~~* perlahan-lahan: *ia membuka matanya ~~~.*

pelan **II** **1.** rajah yg menggambarkan bentuk (ukuran, letak) sesuatu bangunan (tanah dll); *~ bandar*; *~ rumah*; **2.** rancangan yg sudah diatur utk dilaksanakan;

~ induk rancangan menyeluruh yg merangkumi seluruh dasar dan segala rancangan kegiatan yg akan dilaksanakan (dlm

pembangunan, perekonomian, dsb): *beberapa kajian yg terkandung dlm P~ Perindustrian Malaysia*; ~ *lantai* (S.bina) lukisan mengikut skala bagi susun atur bilik dsb pd satu lantai sesebuah bangunan; ~ *tindakan* langkah-langkah tindakan yg diambil utk mencapai sesuatu tujuan.

pelan (pélan) Jk tanah lapang, lapangan.

pelana 1. lapik tempat duduk belakang kuda dll, sela: *kuda kami sudah dikenakan ~ dan sudah dimuati dgn makanan*; **2.** (Geog) genting di antara dua kemuncak yg sama bentuk dan tingginya: *bahu, genting, dan ~ semuanya terdapat di rabung-rabung bukit*; **3.** (Bio) bahagian cacing dll yg tebal (yg mengeluarkan kelongsong utk telur);

berpelana memakai pelana;

memelanai mengenakan pelana pd.

pelancar I = pelancaran ark pelantaran; → **pelantar I.**

pelancar II kayu palang yg dipasang memanjang utk menyangga rasuk.

pelancit; terpelancit terpancut; → **pelencit.**

pelanduk I sj binatang spt kancil tetapi lebih besar saiznya; jenis-jenisnya: ~ *angin*, ~ *bulu*, ~ *sendau*, dll;
~ *dua serupa* prb dua orang yg seakan-akan sama rupanya; (*bagai*)
~ *di dlm cerang* = ~ *dicerang rimba* prb gelisah kerana ketakutan (kesusahan); ~(*lah*) *melupakan jerat tetapi jerat tidak melupakan*
~ prb orang mudah melupakan bahaya tetapi bahaya tetap mengancam; *spt ~ terlepas drpd jerat* prb perihal terlepas drpd sengsara.

pelanduk II sj ikan laut, *Lethrinus minitus*.

pelang I belang, jalur (bulu harimau, bendera, dll).

pelang II Id, bp papan (nama dll).

pelang III; *buluh* ~ sj buluh, buluh akar, *Gigantochloa wrayi*.

pelang (pélang) sl sj perahu dagang: *maka baginda pun segera menyuruh berlengkap tiga ratus buah jong, lain drpd itu kelulus, ~ jongkong, tiada terbilang lagi.*

pelanga sj tumbuhan (pokok renek), pelangas, pelangih, pelangi, pelangis, pelayas, beberas merah, jejamu, *Aprosa microcalyx*.

pelangah; terpelangah ternganga, terbuka luas (pintu dll).

pelangeh (pelangéh) pelanga.

pelanggi sj batu marmar yg berwarna-warni.

pelangi I 1. cahaya yg melengkung dan bermacam-macam warnanya di langit, benang raja, bianglala, ular danu; **2.** ki warna yg bermacam-macam; **3.** = *kain (selendang)* ~ kain (selendang) yg bermacam-macam warnanya: *setelah santap lalu memakai pula tengkolok kampuh ~.*

pelangi II; pokok ~ sj tumbuhan (pokok renek), beberas merah, jejamu, pelanga, pelangih, pelangis, pelayas, *Aporosa microcalyx*.

pelangki sj usungan atau tandu; *kereta* ~ sj kereta yg rupanya spt tandu.

pelangkin I → **pelangki**.

pelangkin II ark → **belaking**.

pelangking → **pelangki**.

pelangkung bp pukul.

pelantar I = pelantaran 1. bangku panjang tempat duduk di pekarangan (belakang rumah): *mereka duduk di ~ sambil berhandai-handai dgn riang*; **2.** lantai tinggi yg bersambung dgn rumah dan tidak beratap (tempat menjemur kain, meletak air, dll): *di ~, pinggan mangkuk banyak belum berbasuh*; **3.** tangga yg berpara-para (utk mengerjakan tembok dll yg tinggi-tinggi), aram-aram; ~ *benua* bahagian pinggir benua yg ditenggelami air laut; ~ *minyak* binaan serta peralatan yg dijadikan sbg pangkalan tempat operasi menggerudi telaga minyak di laut atau di darat.

pelantar II penghantar, pengantara; → **lantar I**.

pelantik → **belantik I**.

pelanting; berpelantingan jatuh (tercampak) terguling-guling:

ditepisnya tin-tin itu habis ~ semuanya;

memelantingkan menjadikan jatuh (tercampak) terguling-guling;

terpelanting (tercampak) terguling-guling, tercampak jauh-jauh:

ia menyerbu pengawal itu hingga ~ senjata apinya;

~ memilih, terserak mengampungkan prb Mn kewajiban mamak

utk menjaga harta benda kemanakannya (menyatukan mereka

kembali jika kemanakan itu cerai-berai); *yg ~ akan dipilih yg*

terserak tidak dikampungkan lagi prb Mn mestilah hemat tetapi

apabila perlu jangan kikir mengeluarkan belanja.

pelar (pélar) Kd celaka.

pelara = *ikan* ~ sj ikan yg diperam dlm bekas yg bertutup rapat.

pelas I; memelas mengikat tali (supaya jadi bersambung dll).

pelas II botol atau balang utk menyimpan air panas (supaya tidak menjadi sejuk), termos.

pelas III; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Vitis elegans*.

pelas IV; memelas (mempelas) menggosok (papan dll) dgn kertas pasir dll supaya licin; → **empelas**.

pelasari → **pulasari**.

pelasuh pemalas.

pelat jarum penyemat, peniti.

pelat (pélat) **1.** kurang betul mengucapkan kata-kata, telor: *orang Cina*

itu pandai benar berbahasa Melayu, tidak ~ sedikit pun; **2.** cara

atau gaya tertentu mengucapkan kata-kata: *dia berbahasa Melayu*

~ Kedah; ~ Kelantan.

pelata sj ikan laut, *Caranx spp.*; ~ *bulat* sj ikan laut, *Selar crumenophthalmus*; ~ *kuning* = ~ *sami* sj ikan laut, *Selaroides leptolepis*.

pelator Kl bersanding.

pelatuk I → **belatuk**.

pelatuk II = ~ *bedil* picu senapang.

pelatut pemalas, pelasuh.

pelau Pn, Kd hampa, sia-sia.

pelawa; mempelawa mengajak, mempersilakan: *ia ~ aku minum air teh yg sedang tersaji itu;*

pelawaan perbuatan mempelawa, ajakan, undangan: *ia menerima ~ utk tinggal bersama-sama mereka.*

pelawai 1. sj tumbuhan (pokok) antoi, belawan, kayu rajah, pokok belang rimau, *Terminalia citrina*; **2.** sj tumbuhan (pokok), gelawai, jelawai, *Terminalia foetidissima*; **3.** sj tumbuhan (pokok), mempelam babi, pauh kijang, *Terminalia phellocarpa*.

pelawan 1. sj tumbuhan (pokok), keruntum, seluncur, *Tristania subauriculata*; **2.** sj tumbuhan (pokok), canjal, kayu mulu, seluncur, *Tristania sumatrana*.

pelawas sj tumbuhan (pokok renek), *Calycopteris floribunda*.

pelayon ark (Palembang) denda kerana melarikan perempuan.

pelbagai → **bagai**.

pelbak (pélbak) IB, bp tempat (tong) sampah.

pelebaya sl orang yg menjalankan hukuman mati, algojo, pertanda.

pelecet (pelécét) → **pelencit**.

pelecok (pelécok); **terpelecok** tergeliat (kaki, tangan, dll): *ia jatuh tangga, ~ kaki kirinya.*

peleh (péléh) Kl; **memeleh** menyapu bedak ke muka.

pelek (pélek) IB bingkai roda, gading-gading roda.

pelekat I → **pelakat**.

pelekat II perekat, gam;

berpelekat dilekat (dicantum) dgn perekat.

pelekat (pelékat) = *kain* ~ sj kain sarung (yg berjalur-jalur atau berpetak-petak coraknya).

pelekok (pelékok); **terpelekok** terpelecok.

pelekong (pelékong) Tr baling.

pelekuh I bengkok, bongkok (leher dll);

terpelekuh terbengkok, terbongkok.

pelekuh II; memelekuh (mempelekuh) memaksa utk membuat sesuatu, mengerasi.

pelempap ukuran panjang yg besarnya selebar tapak tangan (empat inci), telempap;

sepelempap selebar tapak tangan.

pelencit; terpelencit terloncat atau terpancut keluar (kerana dipicit dll).

pelengak Jk; **terpelengak** tercengang kerana terperanjat (hairan dll).

pelengan (péléngan) Jk pelipis.

pelenggar Kd, Pn pelantar.

pelengset (peléngsét) → **belengset**.

pelepah 1. tangkai daun, tulang daun (nyiur, pisang, dll); **2.** tulang (bulu ayam dll);

~ *nyiur* Kl hidung yg besar hujungnya; ~ *bawah luruh*, ~ *atas jangan gelak* prb mestilah ingat bahawa semua yg hidup akan mati juga sudahnya;

memelepah (mempelepah) membaling (memukul) sesuatu dgn kayu dll.

pelepar tempat berpegang atau meletakkan tangan (pd kerusi dll);

berpelepar **1.** memakai pelepar; **2.** berpegang, bertopang, berpapah: *sewaktu menuruni tangga yg berbelok-belok itu, dia ~ pd bahunya.*

pelera (peléra) Pn pelihara.

peles (pelés) IB, bp botol, balang dr kaca tempat menyimpan kueh, dll.

pelesat; terpelesat terpelanting jauh-jauh.

peleset (pelését); **terpeleset** tergelincir: *dia hampir ~ sewaktu mendaki di atas tanah yg licin itu.*

pelesir IB = **pelesiran** **1.** bersenang-senang, bersuka-suka: *anak muda itu suka keluar pd malam hari dan menghabiskan masa dlm ~; main pelesiran perempuan bersetubuh dgn perempuan sundal; tempat pelesiran tempat bersuka-suka (bersenang-senang); 2.* berjalan-jalan (bersiar-siar) utk mencari kesukaan, bertemasya: *dr pagi kelihatan mereka naik amko, naik sado dan oto ~ kian ke mari;*

berpelesir = **berpelesiran** bersuka-suka, berseronok-seronok: *pemuda dan pemudi ~ di jalan-jalan dgn tidak berasa segan dan malu;*

kepelesiran perihal pelesir, kesenangan, kesukaan: *~ kota Jakarta yg ramai itu diceritakan belaka.*

pelesit I **1.** sj belalang kecil, belalang bajang; **2.** sj hantu yg suka menghisap darah atau memakan mayat kanak-kanak (selalu merupakan diri sbg belalang);

~ dua sejinsang prb perempuan yg menduakan lakinya; *~ dua sekampung* prb lelaki yg membuat adik ipar sbg isterinya.

pelesit II sj wisel, tiup-tiup.

pelet (pelét) bp rumah pangsa.

pelet (pélét) I Jw belang-belang pd kayu; *kayu* ~ kayu yg berbelang-belang (dr pokok *Kleinhevia hospita* yg selalu digunakan utk membuat sarung keris dll).

pelet (pélét) II Jk **1.** sj getah utk menangkap burung; **2.** = *minyak* ~ sj minyak (drpd ikan duyung dll) utk memikat hati perempuan dll; **3.** = **peletan** kata-kata manis utk memujuk, pujukan, rayuan;
memelet **1.** menggetah burung; **2.** memikat perempuan dgn menggunakan minyak pelet; **3.** menggunakan kata-kata manis (utk memikat hati), memujuk, merayu.

pelet (pélét) III **1.** bahan makanan ternak yg berbutir-butir: ~ *ikan*; **2.** benda yg berbutir-butir: *racun jenis ~ lebih berkesan kerana ia dapat membebaskan racun serangga secara perlahan-lahan.*

pelet (pélét) IV Kd, Pn pelat.

peleting I = *buluh* ~ buluh penggulung benang (dlm alat tenun).

peleting II Kd, Pn mencuri.

peletok (pelétok); **terpeletok** terpelecok (kaki dll), terpulas (leher dll).

peleton Id platun.

pelias sl mantera yg menjadikan seseorang kebal (terelak drpd bahaya):
azimat ~ perang.

pelih limpa; *demam* ~ demam yg disebabkan oleh sakit limpa.

pelihara; memelihara **1.** membela, menjaga, merawat: *mereka ~nya sehingga ia dewasa; di rumah sakit dia dipelihara dgn sempurna; ~ tubuh drpd diserang oleh penyakit;* **2.** mengerjakan (mengusahakan, membina, dll) dgn baik; ~ *pelajaran dan bahasa; ~ cucuk tanam;* **3.** menternak binatang: *ia banyak ~ lembu;* **4.** mempunyai atau menyimpan (gundik dll); **5.** membiarkan (menggiatkan) tumbuh (janggut, rambut, dll); **6.** menyelamatkan, melepaskan (melindungi) drpd bahaya dll: *dipeliharakan Allah*

drpd segala bala dan aniaya; terlalu adil sekali ia ~ negerinya; ~ lidah menjaga supaya tidak terkeluar kata-kata yg kurang baik;

terpelihara **1.** dipelihara (dibela), terjaga: *tanaman itu dlm keadaan tidak ~;* **2.** terlepas (terlindung) drpd bencana dll, terselamat: *~ drpd segala bahaya;*

peliharaan (orang dll) yg dipelihara, piaraan: *anak-anak yatim piatu ~ Dato' Bendahara itu pun pulang dr bermain; biri-biri ~ mempunyai bulu yg tebal serta lembut;*

keterpeliharaan keadaan terpelihara: *~ drpd kesalahan dan keabdian yg dijamin oleh al-Quran;*

pemeliharaan **1.** perbuatan memelihara, pembelaan, perawatan: *amalkan langkah-langkah asas ~ kulit;* **2.** pendidikan: *anaknyanya itu diserahkan ke dlm ~ seorang pengasuh;* **3.** penternakan (binatang): *diadakan kawasan khas utk ~ binatang-binatang ternakan;* **4.** penjagaan (pengolahan, penyelenggaraan) bahasa dll: *pd Amir Hamzah ~ aliterasi dan asonansi merupakan corak puisinya;* **5.** penyelamatan (drpd bencana, rosak, dll): *~ tanah;*

memelihara **1.** orang yg memelihara; **2.** suka memelihara.

pelik I **1.** aneh, ganjil, tidak biasa (lazim): *barang-barang yg dibawanya ~-~;* *cerita itu penuh dgn hal yg ~-~;* **2.** sukar, sulit: *perkataan yg ~-~;* *pertanyaan yg ~;* **3.** penting: *perkara yg ~;*

memelikkan menganehkan, menghairankan: *itulah yg ~ teman-teman sepejabat;*

kepelikan **1.** perihal pelik, keanehan, keganjilan; **2.** kesukaran, kesulitan.

pelik II = pelikan Id barang tambang; *ilmu ~ pengetahuan bkn barang tambang.*

pelik III ark sl sj kerabu, subang.

pelima, pelimau Kl berlimau pd hari tamat belajar bersilat.

pelin Kl; **berpelin** **1.** berbelit, bersimpul (tali, dawai, dll); **2.** ki tiada teratur (percakapan dll), kelam-kabut, tak keruan; → **pilin**.

pelinggam batu marmar yg berwarna-warni.

pelinting Jw alat utk melantingkan batu dll, ali-ali, lastik.

pelipir Ph dapur.

pelipis = **pelipisan** bahagian kepala di antara dahi dgn telinga.

pelir **I** kemaluan laki-laki, zakar; *buah* ~ bola-bola dlm kantung kemaluan laki-laki; ~ *itik* sj skru; *menanti* ~ *kambing terputus* prb menanti sesuatu yg mustahil.

pelir **II**; ~ *anjing* sj tumbuhan (pokok renek), *Chailletia griffithii*; ~ *kambing* a) sj tumbuhan (pokok renek), cemperai, cemperai gajah, cipras, cipreh, *Lepionurus sylvestris*; b) sj tumbuhan (pokok), pulai pipit, *Rauwolfia sumatrana*; ~ *musang* a) sj tumbuhan (pokok), bunga lerak, kekapur, pali monyet, sekubang kecil, sesundo bukit, *Anaxagorea scortechinii*; b) sj tumbuhan (pokok), *Fagraea auricalata*; ~ *tikus* sj tumbuhan (pokok), *Drypetes spp.*

pelisir IB sj pita yg dijahit pd tepi pakaian dll.

pelit Jk kedekut, kikir, lokek.

pelita **1.** sj bekas berbagai-bagai bentuk (berisi minyak dan bersumbu) yg digunakan utk memberikan cahaya; ~ *duduk* pelita yg diletakkan di atas meja (lantai); ~ *gantung* pelita yg digantung; ~ *panjang* pelita yg dipasang di luar rumah pd malam hari dlm bulan puasa; **2.** lampu; **3.** ki sesuatu yg membahagikan (memberi panduan dll): *gadis yg menjadi* ~ *dlm hidupnya*; *fikiran itu* ~ *hati*. *memasang* ~ *tengah hari* prb menerangkan sesuatu yg sudah jelas, perbuatan yg sia-sia; *pasang* ~ *dilanggar tikus* prb keadaan yg menyenangkan tetapi hapus oleh sesuatu yg kecil.

pelitik ark skru.

pelitor IB sj cat utk mengilatkan kerusi meja dll;

dipelitor disapu (dicat) dgn pelitor;

pelitoran **1.** sudah dipelitor; **2.** cara mengecat dgn memakai pelitor.

PELNI Id akronim bagi Pelayaran Nasional Indonesia.

pelo (pélo) Jw pelat, telur.

pelog (pélog) Jw laras atau nada bunyi gamelan.

peloh Id lemah zakar.

pelohong; terpelohong berlubang besar, terbuka luas: *pintu rumahnya kelihatan ~ sahaja.*

pelojok Jk pelosok.

peloksok Jk pelosok.

pelonci ark pelonco (mahasiswa) wanita, mahasiswi.

pelonco Jw **1.** tembikai (semangka) yg muda; **2.** masih terlalu muda (baharu atau belum berpengalaman); **3.** = *kepala* ~ kepala yg dicukur bersih-bersih, gondol; **4.** mahasiswa baharu di universiti yg sedang menghadapi percubaan (dugaan spt dicukur licin-licin dll) drpd mahasiswa yg lebih lama;

memelonco **1.** mencukur sehingga gondol; **2.** menguji dan menduga dgn keras (bkn mahasiswa baharu yg hendak masuk menjadi anggota perkumpulan mahasiswa), mendera;

perpeloncoan percubaan (ujian dll) utk menjadi anggota perkumpulan mahasiswa, penderaan.

pelong (pélong) melengkung, bengkok.

pelonok pulas (leher ayam);

terpelonok Pl terhimpit: *kucing itu terjatuh dan ~ di celah tiang rumah.*

pelontang pelampung (utk menimbulkan tali kail atau pukot).

pelopak → **kelopak I.**

pelopor **1.** orang yg berjalan di hadapan (dlm perarakan dll), orang yg berjalan dahulu (utk meninjau atau melihat-lihat), pemimpin, penganjur, peninjau: *pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan merupakan ~ dlm tugas menyatupadukan rakyat menghadapi ancaman dr dlm dan luar negeri*; **2.** orang yg mula-mula mengusahakan (mewujudkan) sesuatu, perintis jalan, pengasas: *di Filipina kaum intelek yg berpendidikan Barat menjadi ~ nasionalisme, politik, dan kebudayaan*; **3.** pasukan perintis (tentera dll) yg bergerak di hadapan sekali; **4.** (Bio) bahan pemula dlm pembentukan sesuatu sebatian;

mempelopori, memelopori **1.** mendahului (dlm pekerjaan, perjalanan, dll), memimpin, mengepalai: *komplot itu khabarnya dipelopori oleh beberapa orang pemimpin Pergerakan Pemuda negeri; aku sendiri mahu ~ membuka dusun durian, dusun manggis yg moden dan besar*; **2.** merintis atau membuka jalan (utk): *sejarah perkembangan politik Indonesia sejak mula-mula lagi dipelopori oleh mahasiswa dan pelajar sekolah tinggi*;

kepeloporan perihal (kebolehan, keupayaan) sbg pelopor: *kegigihan dan semangat ~ pemimpin masyarakat Melayu*.

pelor (pélor) peluru.

pelosok ceruk, penjuru, pojok, sudut: *Sumatera menggantikan Melaka pd tahun 1568, sbg pusat perkembangan agama Islam ke seluruh ~ Nusantara; ke ~-~ = ke segala (seluruh) ~ sehingga ke tempat yg jauh-jauh*.

pelosot (Sunda); **terpelosot** turun sangat (harga dll), merosot.

pelpolisi (pélpolisi) IB ark sj pasukan polis yg dilatih sbg tentera utk mengawal daerah perladangan dll.

peluang **1.** terhenti atau reda (angin dll), senggang atau tidak sibuk (pekerjaan dll); *musim ~ musim tak ada angin*; **2.** kelapangan,

kesempatan: *ia memberanikan hatinya mengambil ~ datang bertemu dgn suaminya; ~ keemasan;*

berpeluang mempunyai (mendapat) peluang: *mereka tidak ~ utk menggunakan kebolehannya.*

peluh air yg keluar dr lubang-lubang seni pd kulit tubuh, keringat; ~ *dingin (sejuk, seni)* peluh yg sejuk ketika ketakutan atau sakit tenat; *mandi ~ basah oleh peluh;*

berpeluh 1. mengeluarkan (mengalirkan) peluh, berkeringat; **2.** = **berpeluh-peluh** bekerja kuat: *mereka telah bersedia utk ~ di luar masa kerja mereka;*

perpeluhan 1. perihal berpeluh; **2.** pengeluaran (pembuangan) air atau wap oleh tumbuhan.

peluit sj alat yg berbunyi nyaring apabila ditiup, siren: *kedengaran deru jentera kereta api dgn ~nya yg nyaring; seorang anggota polis membunyikan ~nya.*

peluk 1. dakap, kapuk; *bantal ~ bantal utk didakap, bantal golek (guling); 2.* depa utk ukuran besar (benda bulat);

berpeluk berdakap, berkapuk: *Raja Puspa Dewi pun ~ bercium dgn adinda baginda; ~ tangan (tubuh)* a) berdakap (bersilang) tangan di dada; b) ki malas berusaha (bekerja); *duduk ~ lutut* a) duduk dgn tangannya mendakap lutut; b) ki malas berusaha (bekerja);

berpeluk-pelukan, berpelukan saling berpeluk: *mereka ~ sebelum berpisah;*

memeluk mendakap, merangkul: *maka baginda pun segeralah ~ dan mencium anakanda baginda dgn tangisnya; ~ lutut* a) mendakap lutut; b) ki tidak membuat kerja apa-apa; ~ *agama* menganut atau masuk sesuatu agama;

terpeluk tak sengaja memeluk, dipeluk; *takut di hantu, ~ ke bangkai* prb kerana takutkan rugi sedikit lalu menderita kerugian yg banyak;

pelukan perihal memeluk, dakapan: *Soo Bee meratap serta merebahkan dirinya di dlm ~ ibunya;*

pemeluk 1. sebesar lingkungan tangan memeluk, depa (ukuran besar): *si Badang boleh mencabut kayu-kayu dua tiga ~;* **2.** penganut atau pengikut agama: *~ agama Islam;*

sepemeluk sebesar lingkungan atau jangkauan tangan memeluk: *Kumbai teringat lagi pd pokok sebesar ~ itu.*

peluluk ark sj pokok kabung, *Arenga pinnata.*

pelumpong Jw sj tumbuhan spt pokok tebu yg tumbuh di tanah yg berpaya-paya.

pelung I sj perahu kecil.

pelung II; *ikan ~ sj ikan laut, tamuk, Mugil vaigiensis.*

pelung III 1. sj tumbuhan (pokok), medang gombong, merambung bukit, tampang, besi, *Vernonia wallichii;* **2.** sj tumbuhan (pokok) leban nasi, selongcong, setulang, *Vitex gamosepala;* **3.** sj tumbuhan (pokok), geredas padi, giring antan, keredas (antan, padi), *Pithecellobium bubalinum.*

pelunggol Kl 1. pancang: *~ lembunya diperbuat drpd kayu;* **2.** ki sesuatu yg utama, teras, pusat: *yg menjadi ~ negeri ini dlm perekonomian ialah getah dan timah.*

pelupuh buluh yg dipukuli supaya pipih (dilupuh) utk dibuat dinding dll;

memelupuh melupuh; → **lupuh.**

pelupuk; *~ mata kelopak mata.*

pelur Tr sj tempayan besar (utk mengisi air).

peluru bola-bola atau benda-benda tajam (drpd besi dll) yg ditembakkan dgn senjata api dll, anak bedil (meriam), pelor: ~ *senapang*; ~ *baksut* peluru utk menembak binatang besar dll; ~ *berpandu* = ~ *terkendali* peluru yg dapat dipandu dr jauh arahnya (utk mengenai sasaran); ~ *hidup* peluru drpd tembaga kuning campuran (bukan drpd getah atau plastik) yg boleh membunuh; ~ *kapur* peluru drpd plastik yg bukan utk membunuh, biasanya hanya utk tujuan latihan dsb; ~ *penabur* peluru berbentuk silinder yg mengandung bebola logam yg kecil-kecil (kacang-kacang), yg ditembakkan dgn senapang patah; ~ *sesat* peluru yg ditembakkan dr senapang, meriam dsb tidak mengenai sasarannya, tetapi tersasar ke tempat lain; *kena (dimakan)* ~ kena tembak, tertembak; *umpan* ~ = *makanan* ~ a) yg menjadi sasaran peluru musuh; b) askar upahan; *tak empang* ~ *di lalang* = *tiada terempang* ~ *oleh lalang* prb orang yg lemah tidak dapat menegah kehendak orang yg berkuasa.

peluruh I sj ubat muntah.

peluruh II sj tumbuhan (pokok renek), lutut ayam, *Ardisia ridleyi*.

peluwap; memeluwap (Kim) berubah drpd wap (gas) kpd cecair;

memeluwapkan menjadikan wap (gas) berbentuk cecair;

pemeluwapan proses perubahan keadaan sesuatu bahan drpd wap (gas) kpd cecair, kondensasi.

pelvis (pélvis) (Bio) struktur berbentuk besen di bahagian bawah badan pd kebanyakan vertebrat.

pemali larangan (selalunya utk selama-lamanya), pantang: *jika perang* ~ *menghadap ke matahari mati*.

pemanggil sj tumbuhan (pokok renek), bunga mara, bunga tinggal, *Clerodendron paniculatum*.

pemara kurungan (kelengkeng) yg kecil pd belat.

pemarip sl hamba raja yg menyanyikan anak raja supaya lekas tidur.

pemarit alat (sauh) utk mengait benda yg tenggelam.

pematah peribahasa; → **pepatah**.

pematung NS saluran air drpd buluh, pembuluh.

pemayang sj jaring yg besar, pukat; *perahu* ~ perahu yg digunakan nelayan utk menangkap ikan dgn jaring besar; → **payang I, mayang IV**.

pembarap 1. (Palembang) ketua kampung, lurah; **2.** = **pembarep** Jw ark sulung (anak).

pembayan Mn biras, ipar.

pembidang → **bidang I**.

pemburas → **pemuras**.

pemelak pelawak, kelakar.

pemendak ark pendongkok keris.

pemengkul tiang pd penjuru (kurung) belat Kedah atau kelong.

pemeo (pemeó) → **pameo**.

pemerintis jalan yg dirintis (di hutan dll).

pemidang, pemidangan bingkai (tempat membentangkan kulit, gambar, dll), pembidang, pembidangan.

pemimpit sj serunai utk memanggil rusa.

pemirah penakut, pengecut.

pemiutang → **piutang**.

pemo PI musim: *sekarang ini bukan ~ menuai padi*.

pempan; terpempan terpegun, tercengang: *si Laba ~ tiada dapat berkata apa-apa kerana terkejut besar*.

pemparang ikan parang-parang.

pempuk; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok), *Elaeocarpus obtusus*.

pemuntal tanjak, destar, tengkolok.

pemuras sl sj senapang zaman dahulu yg mempunyai muncung yg besar.

Pen. kep Penolong; ~ *Pegawai Penyelidik*.

pen (pén) pena.

pena; *tali* ~ sj tali yg diikat pd dada gajah.

pena (péna) sj alat tulis yg mempunyai mata yg runcing dan menggunakan dakwat, pen; ~ *mata bulat* sj pena yg matanya merupakan biji logam yg kecil; *buah* ~ karangan, tulisan; *makan* ~ Id, bp mencari rezeki (wang) dgn mengarang; *mata* ~ bahagian hujung pena yg runcing (utk menulis).

PENA (péna) akronim bagi Persatuan Penulis-Penulis Nasional.

penabas sj tumbuhan (pokok renek), bunga selang, pecah periuk, *Ixora lobbii*.

penaga; ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok), derum paya, geronggang, geronggong, gonggang ronggang, *Cratoxylon aborescens*; ~ *laut* sj tumbuhan (pokok), bentangur, bentangur lempung, *Calophyllum inophylloide*; ~ *lilin (putih, sabut, suga)* sj tumbuhan (pokok), naga sari, *Messua ferrea*.

penah sl pernah.

penahap sl penjuru; *empat* ~ *alam* empat penjuru alam.

penai sj tumbuhan (pokok renek), cempenai, mempenai, rempenai, *Ardisia littoralis*.

penak sj tumbuhan (pokok), cengal, *Balanocarpus maximus*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Ventilago oblongifolia*.

penaka sl sebagai, seolah-olah, seperti: *manusia yg tak punya percampuran di dunia ini adalah ~ katak di bawah tempurung; apa hal kita ini, kerana sekarang ~ Raja Rekanlah tuan kita, bukannya Raja Abu Shahid*.

penakan ark anak saudara, kemanakan, keponakan.

penakawan hamba pengiring raja.

penalti (pénalti) **1.** hukuman atau denda yg dikenakan kerana melanggar undang-undang, peraturan atau kontrak; **2.** = *tendangan* ~ (dlm

permainan bola sepak) tendangan percuma yg dibuat dr jarak 12 ela (lebih kurang 11 meter) dr gol lawan yg dipertahankan oleh seorang penjaga gol; *gol* ~ (dlm permainan bola sepak) gol yg dijaringkan drpd tendangan penalti; *kawasan* ~ (dlm permainan bola sepak) ruang di hadapan pintu gol yg sekiranya pasukan pertahanan melanggar sebarang peraturan di dlm kawasan ini, pasukan lawan akan diberi tendangan percuma.

penalu bendalu.

penama Pl, bp apa.

penampan sj dulang (talam); → **tetampan I**.

Penan suku kaum peribumi Sarawak termasuk dlm kumpulan Orang Ulu, yg sebahagian kecilnya masih tinggal di rumah panjang jauh di pedalaman, mengembara di dlm hutan dan memakan sagu rumbia.

penanjung semenanjung, jazirah.

pena-pena sj tumbuhan (pokok renek), *Guioa pleuropteris*; ~ hutan sj tumbuhan (pokok renek), *Psychotria cantleyi*.

penarahan → **pendarahan**.

penaram → **peniaram**.

penat tidak mempunyai kekuatan pd fikiran dan badan (terutamanya berehat selepas sesuatu kegiatan), jerih, letih, payah; *melepaskan* ~ berehat, utk menghilangkan penat; ~ *lelah (jerih) = jerih ~ a)* sangat letih; b) ki segala kesusahan (kesukaran);

berpenat-penat berlelah-lelah, bekerja kuat, bersusah-susah: *kita tak usah ~ menunggu lori dlm perjalanan*;

memenatkan melelahkan, meletihkan;

kepenatan 1. kelelahan, keletihan: *nafasnya kedengaran mendesis kerana ~ mengayuh beca*; 2. rasa penat (lelah, jerih).

penataran Id tempat memusatkan pekerjaan-pekerjaan angkatan laut.

penat lelah jerih penat;

berpenat lelah berusaha sedaya upaya: *orang yg ~ sepanjang umurnya mencari ilmu.*

penatu → **benatu**.

penatua Id anggota Dewan Gereja Kristian.

penatuh sj tumbuhan (herba), ganja-ganja, *Clerodendron indicum*.

penawar ubat utk menawar racun dll; ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok), dedarum, pisang-pisang, *Goniothalamus giganteus*; ~ *jambi* sj tumbuhan (paku), bulu empusi (pusi), *Cibotium barometz*; ~ *lipan* sj tumbuhan (pokok renek), pokok lalipan, *Pedilanthus tithymaloides*; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok kecil), limau-limau, melimau, *Gelonium glomerulatum*.

pencak kepandaian menangkis (mengelak dll) utk mempertahankan diri, silat; ~ *silat* permainan menangkis (mengelak) dgn menggunakan senjata utk mempertahankan diri;

berpencak, memencak bermain pencak, bersilat: *pendekar leka memencak*;

memencak-mencak terlalu marah (panas hati).

pencalak sj anak gobek.

pencalang sl sj perahu yg besar utk mengangkut barang-barang dagangan; *laksana ~ sarat, tiada ke timur tiada ke barat* prb orang yg sudah berpakaian cantik dan berhias tetapi duduk di rumah sahaja.

pencaluk cencaluk.

pencar; berpencar, berpencar-pencar, berpencaran 1. berserak di sana sini, bertaburan; 2. (pergi) bercerai-cerai: ~ *berlarian*;

memencar, memencar-mencar berpisah-pisah pergi (mengikut haluan masing-masing);

memencarkan menabur-naburkan, menyerak-nyerakkan, menanam benih dll berpencar-pencar: *kekuatan pasukannya di Bara Baraya dipencarkan;*

terpencar tidak terkumpul, terserak-serak: *~ keluar dr pondok-pondok mereka menuju kampung;*

pemencaran perbuatan memencarkan.

pencaus rumah tumpangan, hotel.

pencen (péncén) **1.** bayaran tetap bulanan yg dibuat oleh kerajaan atau majikan kpd bekas pekerjanya yg telah bersara: *Raja Yi telah diberi ~ yg agak banyak juga;* **2.** tidak bekerja lagi tetapi mendapat wang sara: *ia sudah terlalu tua utk menghadapi soal baharu ini, barangkali dia akan minta ~;*

berpencen mendapat pencen apabila bersara (berhenti kerja): *jawatan ini tetap dan ~;*

memencenkan memberhentikan kerja dgn diberi pencen.

pencet (péncét) penyek, penyet;

memencet menekan dgn ibu jari dll, memicit.

pencil; memencil mengasingkan (memisahkan) diri drpd yg lain, menyendiri;

memencilkan **1.** mengasingkan (memisahkan) diri drpd orang atau benda yg lain: *kita tidak boleh hidup dgn ~ diri drpd kebudayaan Barat;* **2.** tidak menyukai, menghindari, menjauhi: *dunia akan datang bertambah maju dan jika kita tidak bersiap-siap kita dipencilkan oleh zaman; ia dipencilkan oleh keluarganya;*

terpencil terasing (terpisah) drpd yg lain, tersendiri: *beliau lahir di sebuah kampung yg ~;*

keterpencilan keadaan terpencil, keterasingan: *~nya drpd pengaruh bahasa Melayu baku; ~ blok komunis dlm sistem antarabangsa semakin berkurang;*

memencilan perbuatan dsb memencilkan; ~ *diri* perbuatan memencilkan atau menyisihkan diri.

pencolam sj tumbuhan (pokok kecil), kecolam, puding, *Clerodendron disparifolium*.

pencoleng (pencoléng) pencuri; → **pancalongok**.

pencong (péncong) = ~-*mencong* erang-erot, tidak lurus, serong-merong; **memencongkan** mengherotkan, menyerongkan, membenyotkan.

penчук sj rojak drpd sayur-sayuran yg direbus dan dicampur dgn lada (gula, belacan, dll).

pendaga sj peti tempat menyimpan pakaian dll, kendaga.

pendahan sl sj lembing pendek (pisau) utk dilemparkan.

pendakwa raya pegawai yg mendakwa bagi pihak kerajaan.

pendam; memendam 1. = **memendamkan** menyembunyikan sesuatu dlm tanah dll: *bahan ini dileburkan berkali-kali, kemudian disimpan dlm tempayan dan dipendamkan di hutan; 2. memendamkan diri* tidak menunjukkan diri kpd orang ramai, tidak keluar-keluar dr rumah, menyembunyikan diri; **3.** menyimpan sesuatu dlm hati dll: *dia sudah terlalu lama ~ rasa, sudah lama menyimpan kasih; ~ cinta;*

terpendam 1. tertanam (tersimpan) dlm tanah dll; **2.** tersembunyi atau tersimpan sahaja lama-lama tidak diketahui (digunakan dll): *puisi Rustam Effendi adalah kekayaan yg lama ~, tidak banyak diketahui oleh masyarakat; 3.* tersimpan dlm hati dll: *tidak disangkanya Dang Kenanga begitu berani lancang meramalkan apa yg tersimpan atau ~ dlm hatinya;*

pendaman sesuatu yg dipendam.

pendap; memendap, berpendap berkurung, bersembunyi, tidak keluar-keluar: *kalau dia di rumah, dia ~ sahaja sehari-harian suntuk;*

memendapkan mengurungkan, menyembunyikan;

terpendap terkurung, tersimpan, tersembunyi.

pendapa I ark sl ranting muda, pedapa.

pendapa II Jw ruang atau balai (di hadapan rumah) utk mengadakan perjumpaan dll; **mendapa**.

pendapun → **pendipun**.

pendar cahaya atau sinar spt yg kelihatan pd kunang-kunang (permukaan laut di waktu malam dll);

berpendar, berpendar-pendar 1. berkelip-kelip mengeluarkan cahaya pendar; **2.** berkunang-kunang (pelihatan): *tubuhnya menjadi menggeletar menggigil, matanya jadi ~ spt orang yg hendak pitam.*

pendar (péndar) Mn; **berpendar 1.** berpusing, berputar, berguling-guling; **2.** pusing;

memendar-mendarkan memutarbalikkan sesuka hati, mencuaicuaikan, mempermain-mainkan: *sebab anak tetap tanggungan bapa, tak dapat dipendar-pendarkan.*

pendarah I → **pendarahan**.

pendarah II sl keris yg sakti.

pendarahan sj tumbuhan (pokok), mendarah, penarah(an), pendarah, pala bukit, pala semang, *Myristica cinnamomea*.

pendaram → **peniaram**.

pendarcahaya (Fiz) pancaran sinaran (oleh sesuatu jasad) akibat tindak balas kimia dll, bukannya akibat pemanasan.

pendarfluor (Fiz) pancaran sinaran drpd atom atau molekul yg terkena sinaran lain atau yg dibedil dgn zarah spt elektron.

pendaringan Jk sj tempayan tempat menyimpan beras.

pendawa; *keris* ~ sj keris.

pendek (péndék) **1.** tidak panjang, tidak tinggi, pandak, rendah, ringkas: *mereka memakai seluar kain kapas yg ~ dgn baju singlet*; **2.** tidak

lama, singkat: *dlm waktu yg ~; umur semakin ~, badan semakin uzur;*

~ akal = ~ fikiran = ~ ingatan = ~ kira-kira sempit, tidak luas fikiran (ikhtiar, pengetahuan, dll), picik ; ~ kata (cakap) = ~ kaji = ~nya dgn ringkas, ringkasnya: ~nya segala hukum Islam telah lengkap dan sempurna pd masa baginda masih hidup; ~ nafas tidak tahan berlari jauh, mudah tercungap, sesak nafas; ~ permintaan pendek umur;

memendek menjadi pendek: *otot itu ~ dan menggemuk apabila digerakkan;*

memendekkan **1.** menjadikan pendek, memotong dll supaya pendek: *Muda ~ langkahnya sambil menoleh ke belakang; sama ada masa penjara itu hendak dipanjangkan atau dipendekkan terserah kpd pertimbangan hakim; 2.* mengikhtisarkan, menyingkatkan, meringkaskan: *guru melatih kanak-kanak ~ sebutan itu; dipendekkan cerita, jadilah keluargaku dan keluarga Pak Hamid jiran yg paling baik dan ikrab;*

kependekan **1.** perihal pendek: *pergerakan semua haiwan itu adalah hasil drpd ~ dan kegemukan gentian otot; 2.* ringkasan (perkataan, kumpulan perkataan, dll), singkatan: *PBB adalah ~ Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;*

pemendekan perihal (perbuatan dsb) memendekkan atau menyingkatkan: *ujaran spt ini menunjukkan ciri-ciri ~ spt yg berlaku pd pesanan telegram.*

pendekar (pendékar) **1.** orang yg pandai bersilat (bermain senjata dll); **2.** jaguh, pahlawan: *segala hulubalang, pahlawan, ~ tiadalah terhingga lagi;*

~ lidah (kata) orang yg pandai berbahas, ahli pidato (syarah); ~ pena orang yg pandai menulis rencana dll di surat khabar; ~ pulut

Kl ahli pencak silat yg mengambil kesempatan utk mendapat rezeki drpd pengetahuannya; ~ *sambal* Kl pendekar yg pengecut dan mudah ditewaskan;

~ *elak jauh* prb orang yg amat berhati-hati dan sentiasa bersedia mengelakkan diri drpd bahaya; *tiada ada ~ yg tak bolos, tak ada juara yg tak kalah* prb bagaimana pandai seseorang itu ada kalanya membuat kesilapan (kesalahan dll) jua;

kependekaran perihal (sifat) pendekar: *masing-masing cuba menunjukkan ~nya.*

pendandang; *burung* ~ sj burung, itik air, *Heliopais personata.*

pendeta (pendéta) **1.** orang yg banyak ilmu (pandai-pandai); **2.** ulama agama Hindu (Kristian dll); **3.** orang yg bertapa (dlm cerita-cerita lama);

kependetaan **1.** sbg seorang pendeta: *mereka lebih mengutamakan hidup ~;* **2.** darjah kebijaksanaan pendeta: *rangkap-rangkap yg manakah yg buruk baiknya perlu dinilai oleh pendeta mengikut ~nya.*

pendiat kurungan binatang liar (gajah dll).

pending sj perhiasan pd dada atau tali pinggang yg dibuat drpd emas (perak) dan berkerawang.

pendipun; *baju* ~ baju yg dihiasi dgn perada emas dll.

pendong Kl kendong.

pendongkok sj gelang-gelang perhiasan (spt bentuk tampuk bunga) yg dipasang di antara hulu keris dan matanya, pemendak;
kedongkok.

pendopo Jw → **pendapa II.**

penduk penyalut pd sarung keris drpd emas (perak dll).

pendulum (péndulum) sesuatu jasad yg tergantung berayunan dr tempat tetap di bawah pengaruh graviti yg digunakan utk mengawal

pergerakan, bandul, buah jam: *ahli sains dan ahli astronomi membuat percubaan tentang tarikan graviti dan prinsip pergerakan menentukan ayunan ~ sejak abad ke-17 lagi.*

penembahan Jw ark panggilan utk raja atau orang yg sangat dihormati, yamtuan.

penes (pénés) sj kapal kecil.

pengah Kl gatal, miang; → **pengas**.

pengalan Mn galah utk mengait buah dll, pengait.

pengalasan Jw sl hamba raja: *suruh ~ pergi ke Tuban membawa segala makanan anakku Ratu Melaka itu.*

penganan berbagai-bagai jenis kuih;

~ *juadah* sl beraneka jenis kuih dan makanan; ~ *talam* sj kuih dibuat drpd tepung beras (gula, santan, dll) yg dikukus.

pengang Jk bising (bkn telinga).

pengantin I orang yg sedang menjalani istiadat perkahwinan, mempelai: *maka disambut oranglah ~ itu dibawa naik; ~ baru* orang yg baru berkahwin; *senapang* ~ sj senapang yg berlaras dua;

berpengantin **1.** menjadi pengantin; **2.** merayakan istiadat perkahwinan.

pengantin II; *kembang* ~ Id sj tumbuhan (pokok renek), *Nyctanthes arbortristis*.

pengap 1. tidak banyak udaranya (kerana ruang terlalu sempit), susah hendak bernafas (kerana bilik sempit dan tiada bertingkap), sesak; **2.** berbau hapak dan menyesakkan nafas;

berpengap dibiarkan pengap, dipengap: *pakaian kotor yg ~ beberapa hari di dlm beg telah mengeluarkan bau masam;*

memengap 1. menutup (ikan dll) dlm sesuatu dgn rapat sehingga udara tidak dapat masuk; **2.** ki mengurung (menyembunyikan):

siapa yg dapat bergembira kalau dirinya dipengap dlm kurungan yg sempit ini;

memengapkan menjadikan pengap, melemaskan, menyesakkan;

terpengap tertutup (tersembunyi) dlm bilik dll.

pengapuh; *layar* ~ layar yg kecil pd puncak tiang.

pengar berasa pening-pening sedikit (sesudah hilang mabuk dll).

pengaruh kuasa yg terbit drpd orang (benda dll) atas orang (benda dll) lain, kekuatan batin (ghaib dll) yg meninggalkan kesan pd orang (lain) dll: *ia masih memikirkan tentang ~ wang kpd seluruh manusia dan seluruh dunia;*

berpengaruh mempunyai pengaruh, berkuasa: *Dato' Ujang bukanlah sebarang orang, ia berharta dan ~; kesusasteraan dan seni tampak bentuk tradisional terus ~ di Malaysia;*

mempengaruhi berpengaruh atas, menggunakan pengaruh kpd, menguasai: *kedua-dua kaum itu berlumba-lumba berikhtiar utk ~ umat Arab ke pihak masing-masing;*

pengaruh-mempengaruhi saling mempengaruhi: *~ menyebabkan pertimbangan utk pelantikan itu menjadi kacau dan menyeleweng;*

terpengaruh kena pengaruh, dipengaruhi, dikuasai: *~ oleh prasangka; ~ oleh kata-kata manis.*

pengas Kl bk gatal, biang; **pengah.**

pengat 1. sj penganan drpd ubi dll (yg dimasak dgn gula dan santan), serawa; **2.** sj lauk yg tidak berkuah drpd ikan atau daging; *kepala* ~ Kl ketua kumpulan jahat; *menyenduk kuah dlm* ~ Mn prb membuat pekerjaan yg sia-sia;

memengat memasak pengat; *iba akan kacang sebuah, tak jadi* ~ prb oleh kerana kesal akan hal yg sedikit (kecil) tak jadi mengerjakan sesuatu yg dimaksudkan.

pengatu; *bedil* ~ sl sj meriam; **pekatu.**

pengawinan sl pembawa tombak istiadat (upacara); *tombak* ~ tombak yg dibawa dlm istiadat kerajaan.

pengembar sj bidai utk mengarahkan (memaksa) ikan masuk belat.

pengeng ark berasa sangat pening kepala.

pengeram → **peniaram**.

pengeras bayaran kpd pawang kerana berubat atau menuntut ilmu daripadanya.

pengerawan = ~ *jantan* = ~ *penak* sj tumbuhan (pokok), *Hopea mengarawan*.

pengerek (pengérék) penebuk lubang.

pengerih sj lukah.

pengestu restu.

penget (péngét); **memenget-menget** menusuk-nusuk lubang hidung (bkn bau), hangit: *buah macang itu baunya* ~.

pengga jeluk (pinggan, mangkuk, dll) yg dalam.

penggaga sj tumbuhan (herba yg melata); *Hydrocotyle asiatica*; → **pegaga**.

penggah ark pegah, megah.

penggal **1.** kerat, potong: *empat* ~ *tebu*; **2.** sebahagian drpd buku (kutipan cerita dll), bahagian, jilid; **3.** bahagian drpd masa pengajian setahun (di sekolah dll): *cuti* ~ *pertama ialah pd bulan April*; **4.** = **terpenggal**: *kepalanya gugur ke bumi, tubuhnya* ~ *dua*; **5.** Kl gagal, kecewa;

berpenggal-penggal **1.** berkerat-kerat, berpotong-potong; **2.** terdiri drpd atau meliputi beberapa bahagian;

berpenggalan dikerat-kerat atau dipotong-potong (kepalanya);

memenggal **1.** memotong, memancung, mengerat: *ia menghunus pedangnya, menghampiri Militza dgn maksud hendak* ~ *lehernya*;

~ *lidah* ki memotong percakapan orang, menyampuk; **2.** membahagi dlm bahagian-bahagian (cerita dll);

terpenggal sudah dipenggal, terpancung;

penggalan **1.** keratan, potongan; **2.** bahagian (cerita dll); *kasih bapa sepanjang jalan, kasih anak sepanjang* ~ prb kasih anak kpd bapa tidak sama dgn kasih bapa kpd anak;

pemenggalan perbuatan memenggal;

pemenggal **1.** orang yg memenggal (kepala); **2.** alat utk memenggal (kepala).

penggang ark pegang.

penggar → **pengar**.

penggawa **1.** sl ketua pasukan; **2.** ketua kampung (daerah), penghulu; ~ *marga* (Palembang) ark camat.

penggehi, penggeli sj tumbuhan (herba), *Aglaonema angustifolium*.

pengguling tenggiling.

penghulu **1.** sl ketua, kepala: ~ *dapur*; ~ *kenaikan*; *Nabi Muhammad SAW adalah ~ segala nabi dan rasul*; **2.** ketua sebuah mukim, lurah, penggawa; **3.** Mn ketua (kepala) adat; **4.** Id ketua yg mengurus hal-hal agama daerah, kadi; **5.** Id penasihat hal-hal agama Islam dlm mahkamah negeri; ~ *andeka* Mn ketua adat, undang; *pantangan ~ menyingsingkan lengan* prb orang yg berakal budi harus banyak berfikir dan jangan terdorong oleh hawa nafsu;

berpenghulukan menganggap (menjadikan) seseorang sbg penghulu, berketuakan: *orang-orang Bugis ~ Raja Haji*.

pengilar, pengilau, pengilir sj lukah (bubu) yg panjang.

pengiran Br **1.** gelaran utk keturunan tertentu dlm susur galur masyarakat Melayu; **2.** panggilan bagi awangku atau dayangku yg sudah berkahwin.

pengit; *hangit*-~ = **memengit** berbau terlalu hangit (hapak dll).

pengkal (péngkal) ark pingkal.

pengkar (péngkar) bengkok (kaki); ~ *dalam* bengkok ke dalam (kakinya); ~ *luar* bengkok ke luar (kakinya).

pengki sj bakul tempat sampah dll; **pungki**.

pengkilai sj tumbuhan (pokok kecil), bunga pagoda, *Clerodendron paniculatum*.

pengkis; **memengkis** membentak, menengking: *maka laksamana ~ serta menghunus pedangnya*.

pengkol (péngkol) Jk bengkok;

memengkol melengkok, membelok, mengelok;

pengkolan lekuk (jalan dll); **bengkol**.

pengkor (péngkor) Jk tempang (kaki), pincang.

pengluru ark peluru.

pengor Pr terlalu busuk (baunya).

pengorak sj tumbuhan (herba), *Asystasia intrusa*.

pengsan (péngsan) dlm keadaan tidak sadar akan diri: *aku telah ~ beberapa jam lamanya, apabila aku sadar semula aku dikerumuni oleh beberapa orang tua-tua; jatuh ~ = terpengsan* tidak ingat, tidak sadar akan diri.

penguin (pénguin) sj burung laut di Antartika yg berwarna hitam putih, berkaki pendek, menggunakan sayapnya utk berenang, dan berjalan tegak lurus di darat.

pengulun ark sl tuanku.

peni (péni) (di Great Britain sejak 1971) duit syiling drpd gangsa yg bernilai 0.01 paun.

peniaram sj kuih drpd tepung beras dan gula merah, denderam.

peniat → **pendiat**.

peniau sj tumbuhan (pokok kecil), *Quercus kunstleri*.

pening **1.** sakit kepala, pusing kepala; ~ *kepala* berasa sakit dan seakan-akan berpusing-pusing; ~-~ *lalat* = ~-~ *pikat* berasa pening-pening sedikit; **2.** ki habis akal (fikiran dll), bingung, runsing;

memeningkan = ~ *kepala* **1.** memusingkan (menyakitkan) kepala; **2.** ki menyebabkan tidak tahu apa yg hendak dibuat, membingungkan, merunsingkan: *Sharifah makin sehari makin liar terhadapnya, makin pendiam dan makin ~ kepalanya;*

kepeningan kesakitan kerana pening, rasa pening: *ubat ini juga berkesan melegakan ~.*

pening (péning) IB bulatan drpd timah dll yg bercap sbg tanda sudah membayar lesen anjing dll.

pening-pening sj tumbuhan (pokok), *Quercus argentata*.

penisilin (pénisilin) antibiotik yg digunakan utk mengubati pneumonia, gonorea, dan infeksi-infeksi lain yg disebabkan oleh bakteria.

peniti sj jarum penyemat.

penjajap sl sj kapal perang Bugis: *kici itu pun ditutuhnya dibuat ~ perang; spt ~ berpaling hendak hilir prb* (perempuan) berjalan keluar rumah dgn hebat dan menarik.

penjan I sj kuih drpd ubi (pisang) yg dimasak dgn air gula.

penjan II; memenjan memijak, melanyak, melenjan.

penjara **1.** tempat atau bangunan penjenayah dikurung sbg hukuman, bui, jel, kurungan, terongko, tutupan; ~ *besi* Kl (dlm) jagaan yg kuat, (di bawah) pemerintahan kuku besi; *hukuman ~ sepanjang hayat* hukuman penjara yg tempoh hukumannya berjalan sehingga pesalah itu mati; *hukuman ~ seumur hidup* hukuman penjara yg tempoh hukuman maksimumnya berjalan selama 20 tahun (tetapi kebiasaannya seseorang pesalah itu hanya menjalani hukuman selama 13 tahun 4 bulan kerana sepertiga daripadanya diberi pegampunan jika patuh kpd peraturan penjara dan berkelakuan

baik); **2.** situasi apabila seseorang berasa terperangkap: *pengarang itu tidak akan terlepas drpd ~ pengalamannya;*

memenjarai ki mengongkong, membelenggu: *suara-suara protes itu bagai mengepung dan ~nya;*

memenjarakan mengurung penjenayah dll dlm penjara: *Pangeran Agung pun dipenjarakan di dlm sebuah kota kecil;*

terpenjara dikurung (terkurung) dlm penjara atau seolah-olah spt dalam penjara: *ramai di kalangan wanita setelah mendirikan rumahtangga merasakan diri mereka ~ biarpun pd mulanya merupakan orang yg paling bahagia; ada segolongan orang yg ~ dlm khurafat;*

pemenjaraan perihal (perbuatan) memenjarakan, perihal (keadaan) terpenjara: *satu lagi bentuk hukuman ialah ~;*

kepenjaraan perihal penjara.

penjarang sj tumbuhan (herba), *Cyathula prostrata*.

penjong (pénjong) menganjur keluar.

penjul baki wang yg kecil-kecil.

penjurit → **perajurit**.

penjuru I pojok, sudut; ~ *sudut tepat* (Mat) penjuru yg luasnya 90°.

penjuru II 1. sl polis, perajurit; **2.** sl gagah berani, pemberani.

penologi (pénologi) **1.** kajian tentang pengurusan penjara; **2.** kajian yg berkaitan dgn hukuman terhadap kesalahan jenayah.

penomah ark; *raja* ~ pemberian kpd bakal mentua.

pensel (pénsél) **1.** sj alat tulis drpd kayu kecil yg berisi terutamanya grafit, potlot; **2.** berus (utk melukis).

pensi (pénsi) Mn sj lokan kecil.

pensiun (pénsiun) IB pencen, wang sara;

dipensiun, dipensiunkan diberhentikan bekerja dgn diberi wang sara;

pensiunan (orang) yg sudah bersara (menerima pensiun).

pentagon (péntagon) **I** (Mat) poligon yg mempunyai lima sisi dan lima sudut.

Pentagon (péntagon) **II** Ibu Pejabat Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat.

pental; terpentel terpelanting jauh: *ia jatuh ~ ke tepi jalan.*

pentan ark tentu, sah: *penikamnya belum ~.*

pentang; mementang **1.** membentang, merentang: ~ *dada*; ~ *sayap*; **2.** menarik: ~ *busar*;

terpentang terbentang, terbuka (lebar), terentang: *di hadapan kami ~ sebuah jalan yg luas.*

pentar ark lemah (suara).

pentas **1.** lantai (di rumah dll) yg ditinggikan utk tempat tidur (tempat memasak); **2.** tempat yg ditinggikan utk bermain sandiwara dll, panggung: ~ *bangsawan*; *presiden telah di bawa ke ~ khas itu tempat beliau telah menerima tabik*; *orang berdendang di ~nya* prb orang berkuasa di rumahnya sendiri;

mementaskan memainkan (sandiwara dll) di pentas: *mereka telah ~ drama "Harimau Johor" pd minggu lalu di panggung Victoria*;

pementasan perbuatan mementaskan (sandiwara dll): *menikmati hasil ~ anekawarna.*

pentatlon (péntatlon) (Suk) pertandingan olahraga yg menghendaki setiap pesertanya mengambil bahagian dlm lima acara yg berlainan.

pentil **1.** puting susu; **2.** cembul kecil; **3.** putik (buah);

mementil menjentik, menyentil, memetik: *ia mencari nafkah dgn jalan menyanyi sambil ~ gitar*;

pentilan jentikan, petikan.

pentil (péntil) IB sj alat utk memasukkan udara (gas) dan menahannya supaya jangan keluar, injap.

penting I 1. amat perlu, sangat berharga (berguna), mustahak: *yg ~ baginya ialah pengakuan itu; perkara yg sangat ~*; **2.** ark genting (keadaan), berbahaya, tegang: *musim yg ~*;

mementingkan memandang penting (berat, berguna, perlu, utama, dll), memberatkan, mengutamakan: *mereka lebih ~ harta benda dan kesenangan hidup; ~ diri sendiri* memikirkan hal (keuntungan) diri sendiri;

kepentingan 1. perihal, keadaan atau sifat penting, peri mustahak, keperluan: *ia sedar akan ~ bandar Melaka; belanjawan itu menekankan ~ berjimat cermat dan berbelanja dgn hemat*; **2.** sesuatu yg penting (dituntut, dihargai dsb) demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri, faedah, manfaat: *masing-masing mempunyai ~ diri; tugas menjaga ~ peneroka tidak seharusnya diabaikan; ~ umum* kepentingan utk orang ramai; **3.** hak, saham dsb dlm sesuatu syarikat (harta, perniagaan dsb): *beliau menguasai 52% ~ dlm syarikat tersebut*;

berkepentingan mempunyai kepentingan: *tidak dibenarkan orang yg tidak ~ masuk ke dlm.*

penting II; mementingkan memetik kecapi (gitar dll), melambung (menghempaskan dll) supaya berbunyi "ting".

penting III; berpentingan berpelantingan.

pentol I Jk cembul.

pentol II; pentolan bp orang yg terkemuka, jaguh, penganjur: *seorang ~ sosialis.*

pentopan rumah (tempat) berjudi, perjudian.

pentung = pentungan tongkat utk memukul, belantan;

mementung memukul dgn pentung.

penubal sj tumbuhan (pokok menumpang), mengkapas, *Vanilla griffithii*.

penuh 1. seluruhnya berisi, tidak sedikit pun kosong (terluang), pepak: *tong itu ~ lagi berisi minyak; bas itu sudah ~; ~ sesak (padat, pepak, ruah, tumpat)* sangat penuh; **2.** banyak berisi (sesuatu), banyak mengandung (sesuatu): *kedai itu ~ dgn kain*; **3.** ki tidak kurang, cukup: *kalau dia sudah sembuh, dia akan mendapat gaji ~; markah ~; sijil ~*; **4.** banyak (ramai) sekali: *~lah pasar itu dgn perempuan;*

~ harapan dgn berharap sangat; ~ kesedaran dgn cukup sedar; ~ perasaan dgn seluruh perasaan (hati); ~ sarat penuh sekali; ~ semangat dgn bersemangat sekali;

sepenuh secukup(nya), segenap, selengkap, seluruh, semua(nya): *diberi keterangan ~nya; ~ perhatian dgn seluruh perhatian;*

memenuhi 1. mengisi (memuatkan) penuh-penuh: *air paip itu dibiarkan ~ baldi itu*; **2.** memadai, memuaskan, mencukupi: *mengapa aku tidak dapat ~ hasrat hatinya?; pemohon-pemohon dijemput mengemukakan permohonan bagi ~ jawatan guru*; **3.** memuaskan permintaan dll, menyampaikan harapan dll, mengabulkan: *sekadar ~ permintaan yg berulang-ulang diucapkan itu*; **4.** menjalankan (kewajiban dll), menepati (janji dll), menunaikan, menyempurnakan: *kita yakin tuntutan-tuntutan yg dua lagi itu pasti akan dipenuhi jua seterusnya*;

memenuhi menyebabkan sesuatu menjadi penuh, menjadikan penuh: *dia sedang ~ baldi itu dgn air*;

terpenuhi sudah dipenuhi, dapat dilaksanakan (diluluskan).

penujuh sj tumbuhan (pokok renek), jarum-jarum merah, *Ixora chinensis (stricta)*.

penumbra (pénumbra) **1.** (Fiz) kawasan yg sebahagiannya gelap di sekeliling bayang-bayang sesuatu objek legap; **2.** (Ast) bahagian luar tompok matahari yg lebih cerah.

penurun; *akar ~ lotong (tupai)* sj tumbuhan (pokok renek), *Galearia ridleyi*.

penyangak pencuri, penjahat.

penyap ark; **memenyapkan** melenyapkan.

penyau sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, upun (Sabah), *Upuna borneensis*.

penyek (pényék) leper (pipih, kemik) kerana terhempap dll;

memenyekkan meleperkan (memipihkan, mengemikkan) dgn menindih dll.

penyet (pényét) = **terpenyet** penyek: *songkok mereka ~~~ oleh berat Quran dan papan rehal*.

penyok (pényok) Jk lekuk pd tin (badan kereta dll), kemik.

penyu sj kura-kura besar yg bertelur banyak; jenis-jenisnya: ~ *belimbing*, ~ *karah*, ~ *lumpur*, ~ *pulau*; ~ *bertelur beribu-ribu seorang pun tiada tahu, ayam bertelur sebiji pecah khabar sebuah negeri prb keuntungan orang kaya walau bagaimana banyak pun tidak menjadi sebutan orang, tetapi keuntungan orang miskin walau sedikit pun ramai dicakapkan orang*.

penyucuk Br kayu palang yg dipasang di antara tiang-tiang rumah utk meletakkan lantai, rasuk.

penyuk ark; → **perenyuk**.

penyum sj tumbuhan (pokok), *Agathis alba*.

peok (péok) bengot, herot, piuh (kaki dll), kemik (tin, songkok, dll).

peon (péon) budak suruhan pejabat, penyelenggara pejabat.

pepah; memepah **1.** memukul dgn tongkat dll; **2.** bp memakan dgn lahap: *apa saja makanan habis dipepahnya*.

pepai; *udang* ~ sj udang yg kecil.

pepak I penuh, penuh lengkap: *meja itu ~ dgn lauk-pauk; penuh ~ penuh sekali;*

sepepak selengkap, semuanya.

pepak II; memepak memamah, mengunyah.

pepaku; *burung* ~ sj burung, burung cerewet, burung duit-duit, *Sarcogrammus atrinuchalis.*

pepanggil panggil-panggil.

pepara sj tumbuhan (rumpai), rumput sendayan, *Rhynchospora corymbosa.*

peparam param, param-param.

pepare (peparé); ~ *kurung* Jw sj tumbuhan (rumpai), *Cardiospermum halicacabum.*

peparu paru-paru.

pepas sj kail (pancing), mata kail;

memepas memancing, mengail; ~ *dlm belanga* prb mencari keuntungan drpd keluarga atau kawan sendiri.

pepasang sj tumbuhan (herba memanjat), *Coccinia indica.*

pepat rata kerana dikerat (dipenggal dll), dampak: *giginya yg tidak ~ itu berceranggah-ceranggah; tiga hari ~ Mn tiga hari betul (genap); ~ di luar rencong (pancung) di dalam* prb baik pd lahirnya tetapi hatinya jahat;

memepat 1. mengerat utk diratakan, memangkas, mendabung, meratakan: *kumisnya dipepat menurut aturan orang soleh-soleh;*

2. memaras (beras dlm sukatan dll).

pepatah sj peribahasa yg mengandungi nasihat, ajaran (perkataan) orang tua-tua dll, bidal; ~ *adat* perkataan (peribahasa) mengenai adat, kata adat; ~ *dan petitih* berbagai peribahasa;

berpepatah menyebut (memakai) pepatah: *pandai benar kanda ~*;
pematah.

pepatil patil; *turun ijuk turun ~* prb barang yg dibeli hendaklah dibayar sekali.

pepauh I buah yg berisi tebal dan berbiji.

pepauh II sj tumbuhan (pokok) dlm famili Rutaceae, cabang tiga, leban nasi, pauh-pauh (Sabah), *Euodia spp.*

pepaya sj tumbuhan (pokok dan buahnya), betik, *Carica papaya*.

pepayang sj tumbuhan (pokok memanjat), *Hodgsonia capniocarpa*.

pepe (pépé) I Jk sj penganan drpd pisang dan tepung.

pepe (pépé) II Id; *kain ~* bp sj kain, kiper.

pepe (pépé) III Jw; **pepean**; *tembakau ~* tembakau yg dijemur.

pepeh (pépéh) Kl pipih.

pepejal benda yg mempunyai bentuk yg tidak berubah-ubah, benda padat.

pepek (pépék) pertaruhan luar drpd pertaruhan biasa (dlm permainan dobolo).

pepenjuru (Mat) garisan lurus yg menghubungkan dua penjuru yg bersetentangan.

peper (pépér) ark; **memeper** menyimpang drpd halanya (perahu dll).

peperai sj tumbuhan (pokok), *Aporosa symplocoides*.

pepermin (pépermin) **1.** sj pudina; **2.** gula-gula yg berperisa pudina.

pepes (pépés) = **pepesan** sj lauk drpd ikan dll yg dirempahi dan dibakar dlm daun pisang, pais.

pepet I (Lin) bunyi vokal e.

pepet II Jk **1.** buntu, tertutup; **2.** ki tidak ada jalan lain, habis (hilang) akal, habis ikhtiar.

pepet (pépét) Jw ark; **memepet** mendesak, menghimpit;

kepepet terdesak, terhimpit.

pepijat I sj tumbuhan (pokok) dlm famili Rosaceae, kelanus (Sabah), *Prunus spp.*

pepijat II (Komp) **1.** kesilapan yg terdapat dlm perisian, sistem atau perkakasan komputer; **2.** peranti elektronik yg tersorok di tempat tertentu utk menangkap perbualan orang secara rahsia, spt dlm pengintipan; ~ *alaf* gangguan terhadap perisian atau sistem komputer yg dijangka berlaku akibat perubahan tarikh apabila bermulanya abad ke-21 sehingga boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah.

pepina sj tumbuhan (pokok memanjat), *Hiptagesericea*.

pepinang sj tumbuhan (rumpai), lancung, *Leptaspis urceolata*.

pepindan Jw persamaan (bkn metafora).

pepisang; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), *Alphonsea maingayi*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Uvaria purpurea*.

pepsin (pépsin) enzim di dlm perut yg mengubah protein kpd pepton.

pepsinogen (pépsinogen) (Bio) bahan pemula tak aktif bagi pepsin yg terdapat di dlm mukosa perut.

peptida (péptida) (Bio) sebatian yg terbentuk drpd dua asid amino atau lebih, yg dihubungkan oleh ikatan peptida.

peptidase (péptidase) (Bio) enzim yg memangkinkan hidrolisis peptida kpd asid amino dan terdapat di dlm usus kecil.

pepton (pépton) sj bahan yg merupakan hasil drpd tindakan pepsin ke atas protein (dlm perut).

pepuah keriting (rambut).

pepuju Jk kandung, peranakan.

pepulut sj tumbuhan (pokok renek), pulut-pulut, *Urena lobata*.

pepunden (pepundén), **pepundi** Jw junjungan, pujaan, tangkal, (azimat dll) yg sangat dihormati.

pepura ark pura-pura.

peputut ark sl murid dr pertapa (pendeta).

pepuyu sj ikan; → **puyu**.

per I dibahagi dgn (dlm kata majmuk yg menunjukkan angka pecahan);

satu ~ tiga satu dibahagi tiga ($1/3$); *tiga ~ empat* tiga dibahagi empat ($3/4$);

seperdua satu dibahagi dua.

per II tiap-tiap: *satu ~ satu*; *lima batu ~ minit*.

per (pér) I IB spring, pegas;

berper memakai per (spring).

per (pér) II IB mentol lampu elektrik;

perabot = **perabotan** Jw alat perkakas; ~ *mobil* alat-alat bahagian kereta; ~ *rumah* perkakas rumah (kerusi, meja, dll); ~ *tukang kayu* alat perkakas tukang kayu.

perabu sl panggilan kpd raja; *sang* ~ baginda;

keperabuan kerajaan (kebesaran).

perabung = **perabungan** atap penutup bumbung rumah; ~ *lima bentuk* berbentuk limas (rumah).

peracit sj tumbuhan (pokok renek) tanduk-tanduk, puding hutan, *Ervatamia malaccensis*.

peracut pecah (bisul).

perada I sj serbuk berwarna emas (perak dsb) digunakan sbg perhiasan (membuat tulisan dll); ~ *telepuk* bunga-bunga drpd perada.

perada II ark perarakan barisan tentera.

peragat Mn ark tanda-tanda kebesaran raja.

peragawan lelaki yg memperagakan (mempamerkan) pakaian dll yg dipakainya.

peragawati perempuan yg memperagakan (mempamerkan) pakaian dll yg dipakainya.

perah I; memerah memicit dll utk mengeluarkan air (susu dll),
memeras: ~ *kain*; ~ *susu lembu*;

~ *keringat* bekerja dgn kuat; ~ *otak* belajar dgn kuat, berfikir dgn
bersungguh-sungguh;

memerahkan memerah utk: *dia* ~ *ibunya santan utk dibuat
bubur*;

perahan 1. hasil drpd memerah (air, susu, dll); **2.** binatang dll yg
diperah: *lembu* ~;

pemerahan perbuatan memerah, pemerasan;

pemerah 1. alat atau mesin utk memerah (jus dsb): ~ *oren*; ~ *tebu*;

2. orang yg memerah (susu dsb): ~ *susu lembu*.

perah II sj tumbuhan (pokok), *Elateriospermum tapos*;

~ *ikan* sj tumbuhan (pokok), ara bukit, lindung matahari, medung,
pokok perut budak, *Pimeleodendron griffithianum*; ~ *paya* sj
tumbuhan (pokok), *Elaeocarpax mastersii*; akar ~ *bentuk* sj
tumbuhan (pokok memanjat), akar saga molek, *Lettsomia
maingayi*.

perahu sj kenaikan (drpd kayu dll) di air dan biasanya tidak mempunyai
geladak, sampan besar;

~ *jalur* sj perahu yg dibuat drpd sebatang kayu yg dibelah dua,
dikorek isi tengahnya dan dibentuk spt perahu; ~ *kura* sj kapal
perang lama; ~ *lading* perahu yg kecil panjang dibuat drpd
sebatang kayu; ~ *layar* perahu yg memakai layar; ~ *mayang*
(*payang*, *pemayang*, *pukat*) perahu utk memukat di laut; ~ *som* sj
perahu perang yg kecil dan laju;

~ *bertambatan*, *dagang bertepatan* prb teratur dan kena pd
tempatny (perdagangan); ~ *papan bermuat intan* prb sesuatu yg
tidak layak diperjodohkan; *ibarat* ~ *takkan karam sebelah* prb dua
orang yg bersyarikat dll jika rugi tentulah ditanggung oleh kedua-

duanya; *terlangsung* ~ *boleh balik*, *terlangsung cakap tak boleh balik* prb sebelum mengeluarkan perkataan hendaklah berhati-hati, kalau sudah terlanjur tidak dapat ditarik balik;

berperahu menaiki perahu: *mereka lari* ~.

perai I; berperai-perai bercerai-berai, berderai-derai, berpisah-pisah; **memerai** menumbuk dll supaya bercerai-cerai (berderai-derai), mencerai-beraikan, memisah-misahkan.

perai II IB **1.** hari cuti, libur; **2.** tidak payah membayar, percuma.

perai III; membuang ~ = **berperai-perai** mengemudikan kapal (layang-layang dll) ke kiri dan ke kanan, berpall-pal.

perai IV; bawang ~ sj bawang, *Allium porrum*.

perai V; kain ~ kain sutera hitam yg ditenun berbunga-bunga.

peraja Sr sj pantang larang selepas berkahwin.

perajurit 1. anggota tentera, askar, serdadu; **2.** Id pangkat terendah dlm angkatan tentera, prebet; **3.** sl gagah dan berani;

keperajuritan perihal perajurit, kepahlawanan, ketenteraan.

perak I Kl; *masin* ~ terlampau masin.

perak II Kl; **memerak** menyimpan (meletakkan) barang-barang dll dgn tidak teratur dll.

perak III Kd hairan, (tercengang) kerana pertama kali melihat sesuatu dsb.

perak (pérak) I 1. sj logam yg berwarna putih dan berkilat (digunakan utk membuat perhiasan duit dll): *mangkuk* ~; *wang* ~; **2.** = **perakan** wang rupiah: *dia meminta sekeping surat keterangan dgn bayaran beberapa ~ sahaja*;

keperakan, keperak-perakan warna putih kekelabuan yg terang atau berkilau: *biru* ~.

Perak (pérak) II negeri di barat daya Semenanjung, keluasan 20 668 km², Ipoh sbg ibu negeri.

peraka ruang di geladak kapal tempat memuat barang-barang dll; →
palka.

peram I; berperam ki selalu tinggal di rumah sahaja;

memeram 1. menyimpan buah-buahan dll (dgn membungkusnya dll) supaya lekas masak: ~ *pisang*; **2.** ki menyuruh tinggal di rumah sahaja, memingit, mengurung; **3.** ki menyimpan, memendam (perasaan): *bertahun-tahun Mamat ~ dendam*;

~ *hati* ki menyimpan perasaan dlm hati; *yg seorang ~ batu, yg seorang ~ pisang* prb *yg seorang dapat menunggu tetapi yg seorang tidak*;

terperam ki dipendam atau tersimpan dlm hati: *mengeluarkan segala yg ~*;

peraman buah-buahan (tapai dll) yg diperam;

pemeraman perbuatan memeram.

peram II; memeram berbunyi (burung merpati dll), mendekut.

peran I 1. pemain sandiwara; **2.** pelawak dlm pertunjukan makyung, badut; **3.** topeng pelawak;

memerankan melakonkan peranan: *jadi bung minta aku ~ bahagian-bahagiannya?*

peranan 1. pemain sandiwara, pelawak; **2.** bahagian (sandiwara, pekerjaan, tugas) yg dipegang: *bahasa Melayu sanggup dan mampu mengambil ~ sbg bahasa Kebangsaan yg tunggal*;

berperanan mempunyai peranan, memainkan (memegang) sesuatu peranan: *dlm hal ini guru ~ sbg penasihat saja.*

peran II 1. kayu yg menyambung sebelah atas tiang rumah dan tempat melekatkan kasau-kasau; **2.** bahagian atas alang yg berlantai utk menyimpan barang dll: *perkakas tembaga itu berlaga sesama sendiri apabila diturunkan dr atas ~ rumah.*

perancah I kayu (buluh dll) yg dipasang sbg rangka utk tumpuan dll semasa mendirikan rumah (membuat tembok dll), aram-aram: *ketika angkatan kami memanjat ~ itu utk masuk ke kota Melaka, kami dihujani oleh peluru-peluru.*

perancah II Mn; ~ *gulai* campuran gulai; **perencah.**

perancit, perancut → **pancit I.**

peranda; *porak*-~ berserak-serak, bercerai-berai.

perang 1. perkelahian (pertempuran dll) dgn menggunakan senjata antara negeri dgn negeri dll: ~ *antara kedua-dua negeri itu tidak berkesudahan; pecah* ~ a) mulai terbit perang; b) sl kalah perang; **2.** ki perbuatan beradu tenaga (kekuatan dll), pergaduhan, perjuangan: *timbullah* ~ *antara kedua-dua akhbar itu*; **3.** bp = **berperang** bertempur; *pergi* ~ pergi bertempur; ~ *asabat* = ~ (*urat*) *saraf* perang tidak bertempur (hanya baharu saling menggertak, menakuti, dll), usaha utk melemahkan musuh dgn menunjukkan moralnya; ~ *asap* latihan perang; ~ *atom* perang dgn menggunakan senjata-senjata atom; ~ *besar* perang yg lama dan hebat; ~ *biologi* perang yg menggunakan virus atau kuman penyakit utk memusnahkan manusia, tanaman dsb; ~ *dingin* a) perang secara saling menggertak (belum menggunakan senjata lagi utk menyerang dsb); b) bp bergaduh dgn tidak bercakap (suami isteri dll); ~ *dunia* perang yg besar antara beberapa buah negara besar di dunia; ~ *ekonomi* permusuhan atau persengketaan yg melibatkan pengambilan langkah dan tindakan ekonomi (spt penyekatan eksport dan import barang dll) dgn tujuan hendak menghancurkan pihak musuh; ~ *gerila* perang secara kecil-kecilan dan tidak berhadap-hadapan (secara bersembunyi); ~ *harga* persaingan harga yg sengit utk menguasai pasaran antara firma-firma dlm industri yg sama, dgn menurunkan harga barangan

masing-masing serendah yg mungkin; ~ *kilat* perang yg dilakukan dgn pantas dan mengejut supaya lekas habis; ~ *kimia* perang yg menggunakan gas beracun atau bahan kimia lain sbg senjata; ~ *konvensional* perang biasa yg tidak melibatkan penggunaan senjata nuklear, kimia atau biologi; ~ *mendada* = ~ *tanding(an)* perang (pergaduhan) seorang melawan seorang; ~ *mulut (bicara)* bertengkar dgn menggunakan (mengeluarkan) kata-kata yg keras dan kasar, saling berbantahan; ~ *nuklear* perang yg melibatkan penggunaan senjata nuklear; ~ *paderi* perang antara kaum Islam dgn kaum adat (yg dibantu oleh Belanda di Sumatera Barat pd tahun 1821-1837); ~ *pena* pertengkaran (polemik) melalui tulisan di akhbar dll; ~ *sabil* perang utk mempertahankan agama Islam; ~ *salib* perang utk membebaskan Baitulmuqaddis (oleh orang Kristian); ~ *(urat) saraf* perang (persengketaan) setakat gertak-menggertak dan ancam-mengancam sahaja tanpa benar-benar serang-menyerang dgn senjata; ~ *saudara* = ~ *sipil* Id perang antara orang-orang yg sebangsa (atau antara puak-puak) dlm sesebuah negara; ~ *terbuka* perang secara besar-besaran di tempat terbuka (bukan perang gerila);

~ *bermalaikat sabung berjudara* prb kita berusaha tetapi Tuhan yg menentukan berjaya atau tidak; *kalau tak takut akan mati tak sedunia* ~ prb dikatakan tentang pekerjaan yg amat berbahaya tetapi digemari orang;

perang-perangan 1. latihan berperang; 2. permainan berperang;

berperang melakukan perang, berjuang, bertempur: *mereka ~ utk mempertahankan kedaulatan negara mereka*;

berperangan saling berperang: *umat manusia kembali ke zaman kunonya, masing-masing ~ dan berbunuhan*;

memerangi 1. berperang dgn, berperang melawan: *senjata itu sekarang digunakan pula utk ~ rakyat Indonesia*; **2.** melawan, membasmi, menghapuskan: *faham-faham yg berdasarkan syirik mestilah diperangi habis-habisan*;

memerangkan, memperperangkan 1. merebutkan sesuatu dgn berperang, berperang utk; **2.** memperlagakan (mengadu) supaya berperang;

peperangan perang, perjuangan, pertempuran; *medan ~ medan (tempat) berperang.*

perang (pérang) merah yg kehitam-hitaman (kekuning-kuningan): *parasnya memang menarik dgn rambutnya yg ~*;

keperang-perangan agak perang.

perangai 1. kelakuan, tingkah laku: *dia tahu ~ isterinya*; **2.** tabiat, budi pekerti, watak: *~nya jahat*;

berperangai 1. mempunyai perangai, berkelakuan: *pekerja yg ~ baik*; **2.** berkelakuan tidak sepatutnya, bertingkah.

perangan Kl buluh dll utk mengapit ikan (daging dll) yg dipanggang, pemangangan.

perangat; memperangat memanaskan semula nasi (gulai dll) yg telah sejuk.

peranggang; ayam ~ ayam panggang.

peranggu beberapa benda dll yg menjadi kesatuan yg lengkap, set;

seperanggu, seperangguan selengkap (pakaian dll).

perangkap 1. alat utk menangkap (kancil, harimau, dll), jebak: *kami ke hutan menahan ~*; **2.** ki tipu muslihat utk memperdaya dll orang: *Firdaus pasti masuk ~ Israel kali ini; aku terkurung dlm ~ serba salah*;

~ laju sistem yg digunakan oleh pihak polis utk mengesan pemandu kenderaan (kereta dsb) yg memandu melampaui had laju

yg dibenarkan di jalan raya tertentu; ~ *maut* sesuatu (bangunan, tempat, keadaan dsb) yg berbahaya dan boleh meragut nyawa seseorang;

memerangkap 1. menangkap orang dll dgn perangkap, menjebak;
2. ki menipu, memperdaya: *hatinya ragu-ragu Dang Kenanga datang hendak ~nya dan membuat fitnah;*

terperangkap 1. kena perangkap, terkurung, tertangkap: *mereka menyelamatkan pekerja-pekerja yg ~ dlm lombong;* **2.** terpedaya, tertipu: *Aini sedar bahawa dirinya benar-benar ~.*

perangkat; seperangkat selengkap (pakaian dll), seperangguan.

perangkawan orang yg pakar atau berpengetahuan tentang (ilmu) perangkaan, ahli perangkaan, ahli statistik.

perani padang yg berbentuk bundar dgn tempat penonton ditinggikan di sekelilingnya (spt tempat sarkas).

peranjat; memeranjatkan menjadikan terkejut (kaget), mengagetkan, mengejutkan: *tiba-tiba ia tersentak bangun seakan-akan ada sesuatu yg ~nya;*

terperanjat kaget, terkejut: *pengemis itu ~ dan kagum;*

keterperanjatan perihal atau keadaan terperanjat: *ada yg mati kerana sakit teruk, atau mengalami ~ yg amat sangat.*

peranti 1. alat, perkakas, pesawat: *tatacara dan ~ optometri moden dapat membantu supaya pelihatan yg baik dapat dikekalkan;* **2.** syarat; **3.** buat, bagi, untuk.

perantis orang yg bekerja dgn tujuan utk memperoleh pengetahuan dan kemahiran dlm sesuatu bidang: *dia menjadi ~ di sebuah kedai dapur arang;*

perantisan; *latihan ~ latihan* sbg seorang perantis (utk memperoleh pengetahuan dan kemahiran);

keperantisan latihan dan kerja sbg perantis: *dia berjaya menamatkan ~ selama enam tahun.*

peranyak Mn ark; **terperanyak** terjatuh atau terduduk di kerusi dll kerana terkejut dll: *Engku menteri telah hilang kekuatannya dan ~ di atas kerusi;* → **perenyak**.

perap I ark; **memerap** mengepak-ngepakkan (mengirai-ngiraikan) sayap, menggelepar (ayam, itik, dll).

perap II; memerap 1. mengurung (menyembunyikan) diri dlm rumah dll (tidak keluar-keluar): *dia ~ sahaja di rumah;* **2.** membiarkan daging, ikan dsb yg telah digaul dgn bahan yg terdiri drpd sos, garam, rempah dsb, utk beberapa waktu sebelum dimasak: *~ daging ayam itu beberapa jam atau semalaman;* *~ diri memerap;* **terperap 1.** tertahan, tidak terurus, tertumpuk (surat dll); **2.** terkurung, terpendam: *dia lebih suka ~ di dlm biliknya;*

perapan sesuatu (spt ayam, daging, sotong dsb) yg diperap, hasil memerap: *~ itu direbus selama 3 jam sehingga masak;*

pemerapan perihal (perbuatan atau proses) memerap: *~ daging itu sekurang-kurangnya dua jam;*

pemerap 1. (orang) yg bertabiat suka memerap: *si anak akan berasa tersinggung, jauh hati, lalu menjadi kanak-kanak yg ~;* **2.** bahan yg terdiri drpd rempah, herba, minyak, cuka dsb yg digaulkan pd daging, ikan dsb, dan dibiarkan menyerap beberapa waktu sebelum dimasak utk menambah rasa dan melembutkan daging, ikan dsb.

perap III Kd; **memerap** meminta sesuatu dgn memaksa (kanak-kanak), merengek utk mendapatkan sesuatu.

perapat sj tumbuhan (pokok) dlm famili Sonneratiaceae, berembang, gedabu, redada dan perapat laut (Sabah), *Sonneratia spp.*

perapatan Jw simpang empat.

peras I; memeras 1. memerah: ~ *kelapa*; ~ *keringat* ki bekerja keras; ~ *otak* ki berfikir (belajar) bersungguh-sungguh; **2.** mengambil keuntungan yg berlebih-lebihan drpd orang, menindas: *mereka sudah mengetahui bahawa orang tengah itulah yg selama ini ~ mereka*; ~ *tenaga* membanting tulang; ~ *tenaga orang* membuat orang bekerja utk keuntungan sendiri; **3.** = **memeras ugut**;

perasan hasil memeras, perahan;

pemerasan perbuatan memeras, pemerahan: *saya berazam akan merampas segala hak mereka yg didapati dgn ~ itu*;

pemeras 1. orang yg memeras, pemerah; **2.** (alat) utk memeras; *mesin* ~ mesin utk memeras.

peras II Mn 1. licin; **2.** rata; **paras II.**

perasan I sedar (akan berlakunya atau adanya sesuatu); *tidak* ~ tidak sedar (nampak): *tak ~ aku bila dia meletakkan dulang yg berisi air dan kuih itu*.

perasan II Kd 1. megah, berasa bangga; **2.** agak.

perasat Id kecekapan memegang, pegangan; *persalinan* ~ Id perihal melahirkan anak dgn menggunakan perkakas (tidak spt biasa).

Perasman Perancis.

peras ugut kegiatan meminta wang, barang kemas, dll secara paksa (dgn ugutan, ancaman): *kejadian ~ menjadi-jadi di Kuala Lumpur sejak kebelakangan ini*;

memeras ugut meminta wang, barang kemas, dll dgn mengugut (mengancam) secara paksa: *samseng-samseng itu ~ pekedai utk mendapatkan duit*;

pemeras ugut orang yg melakukan peras ugut.

perasukan ark pasukan.

perat I ark 1. tengik baunya (spt bau minyak kelapa yg sudah disimpan lama); **2.** masam, kelat (buah dll);

hancing ~ K1 terlalu hancing; *masam* (*masin, pahit*) ~ K1 terlalu masam (*masin, pahit*); *terung* ~ sj terung yg kecil.

perat II K1; **perat-perat** bunyi spt bunyi tapak kasut orang berjalan.

perat III K1; **memerat** memagut (bkn ayam): *anak ayam diperat ibunya.*

perat IV K1; *~-taka* entah ke mana-mana, jauh; *pergi ~-taka* pergi entah ke mana-mana (jauh sekali).

perata; *roti* ~ roti canai.

perau Pr perahu.

perawan 1. anak dara, gadis: *Ramli ingin mengetahui adakah ia ~ atau janda, atau sudah menjadi isteri orang; ~ tua* anak dara tua; **2.** belum berkahwin (gadis), belum hilang dara: *ia masih ~; sudah hilang ~nya* sudah hilang daranya;

keperawanan perihal perawan, kegadisan, kesucian: *kalau terlalu bebas bergaul dgn lelaki orang akan meragukan ~nya.*

perawas sj tumbuhan (pokok), medang asam (penang), *Litsea penangiona.*

perawis sl berbagai-bagai bahan (ramuan) yg diperlukan utk sesuatu.

perbal IB = *proses* ~ laporan (keterangan) yg jelas mengenai sesuatu perkara (perbicaraan di mahkamah dll), berita acara;

diperbal dibuat perbal (laporan) mengenai sesuatu perkara (perbicaraan).

perban kain pembalut (luka dll): *hampir seluruh kepalanya terbungkus ~ putih; ~ kasa* perban drpd kain kasa (yg jarang-jarang tenunannya);

memerban membalut (luka dll): *perutnya telah diperban dgn kain putih tetapi bekas darahnya yg sudah kering masih kelihatan.*

perbani; *air* ~ pasang yg paling tinggi atau surut yg paling rendah; *bulan* ~ bulan yg belum penuh (makin hari makin besar), bulan muda; *pasang* ~ pasang yg paling besar (tinggi).

perbatin sl penghulu adat.

perbawa Jw **1.** pengaruh; **2.** ark kewibawaan.

perbegu kafir.

perbek (perbék) Kl kayu pemukul bola (dlm sj permainan).

perca I kepingan-kepingan (potongan) kecil kain sisa drpd jahitan dll, reja (carik) kain: *dia membongkar-bongkar bakul jahitannya, mencari-cari ~ kain utk membebat lukanya.*

perca II; *getah* ~ sj getah, getah taban.

perca III; *lintah* ~ sj lintah yg besar, *Hirundinaria javanica*.

percaya 1. = ~ *akan (kpd)* mengakui (menerima, yakin) akan benarnya (adanya dll) sesuatu: *~lah kata-kataku, aku tidak bercakap bohong; orang Islam wajib ~ kpd Allah dan Rasul-Rasul serta pengajaran mereka; 2.* = ~ *akan (kpd)* yakin atau berasa pasti (akan kebaikan, kejujuran, dll orang), pasti dapat berbuat sesuatu (akan terhasilnya sesuatu): *aku ~ kpd kau, aku tahu bahawa kau jujur; ia ~ cita-citanya akan tercapai; undi tidak ~ undi* (dlm mesyuarat, parlimen, dll) utk menyatakan tidak yakin akan kebolehan atau kejujuran dll seseorang (sesebuah parti) yg berkuasa;

~ angin lalu percaya kpd kata-kata atau khabar yg belum pasti benar atau tidaknya;

mempercayai 1. mengakui atau yakin akan benarnya (adanya, berlakunya, dll) sesuatu, menerima sbg benar kata-kata dll orang: *ia tidak ~ segala kata dan keterangan perempuan itu; senapang tersebut dipercayai telah dicuri drpd seorang pengawal kampung; 2.* menganggap atau berasa pasti bahawa seseorang jujur (baik, amanah, dapat diharap, dll): *datuk penghulu itu seorang yg dipercayai dan dihormati oleh orang kampungnya;*

percaya-mempercayai saling mempercayai: *perasaan tidak ~ antara satu sama lain;*

mempercayakan menyerahkan atau meninggalkan dgn sepenuh keyakinan (supaya dijaga dll), mengamanatkan: *tanah dan rumah yg baru dibelinya itu dipercayakan kpd orang yg menyewa rumahnya;*

kepercayaan **1.** keyakinan atau akuan akan benarnya (adanya, berlakunya, dll) sesuatu, iman, iktikad: *ada ~ yg mengatakan telur, ikan, dan daging menyebabkan bisul; kerajaan berusaha hendak menyatupadukan penduduk-penduduk negeri yg terdiri drpd berbagai-bagai kaum, keturunan, ~, fahaman, dsb; ~ kuno* kepercayaan kpd yg kuno (kolot); **2.** sesuatu yg dipercayai (diyakini, diterima sbg benar, dll); *sudah jadi ~ yg turun-temurun* sudah jadi sesuatu yg dipercayai turun-temurun; **3.** keyakinan atau rasa pasti akan kejujuran (kebaikan dll) orang; *~ dan kejujuran orang terhadap aku harus aku pelihara sungguh-sungguh; kerana sudah beberapa kali diperdaya ~nya terhadap lelaki sudah tidak ada lagi; ~ akan (kpd) diri sendiri* kepercayaan (keyakinan) pd kebolehan diri sendiri; *mosi ~* Id usul (dlm parlimen dll) utk menegaskan keyakinan pd kebijaksanaan (kecekapan) pemerintah; *surat ~* surat tauliah (surat mengesahkan pemiliknya benar-benar memegang jawatan dll yg dinyatakan); **4.** boleh dipercayai, amanah (jujur dll): *ini juga disuruhkan, tetapi biar orang ~ supaya jangan pecah rahsia ini;* **5.** orang yg dipercayai (diamanahkan sesuatu): *perkara itu diserahkan kpd ~nya;*

berkepercayaan mempunyai kepercayaan;

ketidakpercayaan perihal (atau keadaan) tidak percaya: *telah timbul ~ terhadap gaya kehidupan wanita cara lama di kalangan wanita yg berkenaan.*

percik titik-titik air dll yg berserak-serak ke sana sini (setelah air terhempas ke batu dll), recik, renjis;

berpercikan berhamburan, bersemburan, bertaburan ke sana sini (bkn benda cair spt air dll): *air hujan dr bumbung rumah mencurah jatuh menimpa batu dan ~;*

memercik menghambur ke sana sini (utk titik air dll): *kereta itu berjalan dgn laju menempuh air menyebabkan air itu ~ ke kaki lima; ombak menghempas ke batu dan air laut ~ ke udara;*

memerciki menaburkan titik-titik air kpd, merenjisi: *baju yg hendak diseterikanya itu dipercikinya dgn air;*

memercikkan menyebabkan berpercikan (air dll), merenjiskan: *seorang lepas seorang ~ air mawar pd kedua-dua pengantin yg sedang bersanding; kain yg dipercikkan dgn air emas kain yg disulam dgn air emas;*

terpercik 1. kena percik (air dll): *tepek air di dulang ~ muka sendiri juga;* **2.** memercik, keluar menghambur: *air di dlm bekas itu ~ bajunya;*

percikan 1. sesuatu yg memercik (air dll), renjisan: *sudah nampak ~ air dan budak-budak berenang dan menyelam; luka matanya kerana termasuk ~ karat;* **2.** fikiran (perasaan, sinar, dll) yg tiba-tiba timbul atau memancar: *beberapa ~ telah terbit dlm fikirannya; kelihatan ~ cahaya matahari menyuluh langit berpinar-pinar;*

pemercik alat yg digunakan utk memercikkan air dsb.

percis bp persis.

percit; memercit, terpercit 1. keluar memancut (darah, nanah, dll); **2.** memercik, keluar menyembur sedikit-sedikit.

percul; terpercul terpacul, tersembul.

percuma 1. tidak ada faedahnya (gunanya, hasilnya), sia-sia: *guru tidak harus membuang masa dgn ~; ~ sahaja menasihatkan budak-budak yg tidak berakhlak itu*; **2.** (dgn) tidak meminta bayaran: *tidak seorang pun mahu bekerja ~ sahaja, semua menuntut upah*; **3.** diperoleh dgn tidak perlu membayar, tidak dikenakan bayaran: *pemenang peraduan tersebut diberi tiket ~ utk melancong ke Tokyo; pekerja-pekerja diberi gaji yg agak rendah tetapi diberi makan ~; → cuma I.*

percung Tr sengaja: *Semek ~ mencari alasan kelahi dgn suaminya.*

perdah I tangkai (pegangan) beliung.

perdah II tirai, tabir.

perdah III Kl, Tr tulang ikan yg bercabang tiga.

perdak Kl; **memerdak** mengisi hingga penuh (spt mengisi kekabu dlm bantal).

perdana 1. yg terutama; *P~ Menteri* ketua menteri sesebuah negara (mengepalai jemaah menteri); **2.** yg mula-mula, yg pertama (sekali); *pertunjukan (tayangan) ~ tayangan (filem) yg pertama kali*; **3.** sl bendahara.

perdata I pengadilan: *segala tindak pidana dan ~ tersimpul dlm beberapa perkara; hukum ~* Id undang-undang yg menentukan hak serta harta benda dan perhubungan antara orang dll.

perdata II Jk **1.** hati-hati, ingat-ingat, jaga-jaga, teliti; **2.** memerhatikan, mempedulikan, menghiraukan.

PERDAUS akronim bagi Persatuan Pelajar-Pelajar Ugama Dewasa Singapura.

perdeo (perdéo), **perdio** bp (dgn) percuma, tidak dikenakan bayaran; *hotel ~* Id, bp penjara.

perdom IB, bp kata makian;

diperdom, diperdomi dimaki-maki, dimarahi.

perdu I 1. kelompok pokok (buluh dll), rumpun: *digenggamnya serumpun padi dan dicabutnya berderai jatuh tanah drpd ~nya*; **2.** pangkal pokok: *ia menyandarkan basikalnya pd ~ membacang.*

perdu II; berperdu berasas: *kehidupan mereka tidak lagi ~ kpd tradisi dan peradaban Islam.*

pere (péré) Kl sj kain yg halus (lembut).

peredus; terperedus buncit (perut), gendut.

pereh (péréh); **terperek-perek** terlalu letih (tidak berdaya), terhuyung-hayang (kepenatan).

perek (pérék) IB, bp kata makian.

perekik (perékik) Id **1.** tendangan bebas oleh suatu pasukan terhadap pasukan lawannya yg telah melakukan kesalahan (dlm permainan bola sepak); **2.** bp melanggar peraturan, berlaku kurang sopan.

perem (perém) bp pembedang (bingkai) utk gambar dll: *gambar itu dibubuh ke dlm ~ dan digantung di dinding biliknya;*

berperem dibubuh atau dimasukkan di dlm perem (bkn gambar foto, lukisan dsb): *ada beberapa keping gambar ~ yg menarik perhatiannya;*

memperemkan diberi berperem.

perempuan 1. wanita, lwn laki-laki: *~ itu isteri dia; raja ~ permaisuri; penyakit ~ penyakit sifilis*; **2.** isteri: *~nya orang Minangkabau;*

~ gatal perempuan yg suka akan laki-laki; *~ jahat* = *~ jalang* pelacur; *~ joget* perempuan penari joget; *~ jungkat* perempuan gatal; *~ simpanan* perempuan yg dijadikan teman utk tujuan seks tanpa ikatan perkahwinan yg sah;

~ melangkahi ular tiada lepas prb perihal kelemahan perempuan; *bagai bunyi ~ di air* prb sangat bising (riuh-rendah);

keperempuanan perihal sifat perempuan: *kelakuan Rahimah sehari-hari memberi gambaran yg nyata tentang isi hati ~nya.*

perenang (perénang); *centang-~ = simpang-~* berantakan; → **centang I**,
simpang.

perencah = ~ *gulai* campuran gulai (bahan penyedap gulai).

perendeng (peréndéng) Kl menunjuk-nunjukkan (memegah-megahkan)
sesuatu yg dimiliki.

perengat; ~ *kering* sj tumbuhan (pokok renek), akar kani (meranang),
ara lumut, guruh peria, tukul-takal, *Croton caudatum*.

perengau; **terperengau** terbuka lebar (luka, pintu, dll), besar (luas)
lubangnya: *asap rokoknya keluar drpd lubang hidungnya yg ~ itu*.

perenggan 1. batas, perhinggaan, sempadan: *pergaulan bebas haruslah
ada ~nya; ~ negeri* sempadan negeri; **2**. had, takat: *apabila air
pasang paras air di pantai ini naik ke ~ pinggang*; **3**. bahagian
drpd muka atau bab dlm buku (rencana dll) yg terdiri drpd
beberapa baris, paragraf: *tiga ~ di atas menghuraikan latar
belakang masalah ini; syarat-syarat yg diperlukan ada dinyatakan
dlm ~ kedua bab pertama*;

berperenggankan berbataskan, bersempadankan;

memerenggankan 1. mengehendkan, membataskan; **2**.
membahagikan sesuatu (mis teks) kpd beberapa perenggan;

pemerenggan proses atau perbuatan memerenggankan sesuatu:
penggunaan tanda baca dan ~ yg wajar.

perenyak Mn; **terperenyak** terduduk atau terjatuh dgn tiba-tiba (kerana
letih, terkejut, dsb): ~ *Sharif di kerusinya setelah selesai surat itu
dibacanya*.

perenyek (perényék) Kl; **memerenyek** menekan (pijat-pijat dll) utk
membunuhnya.

perenyuk; **terperenyuk** lekuk, kepek.

perenyup ark perenyuk.

perepat I sj tumbuhan (pokok yg kayunya keras dan dibuat gading-gading perahu dll), berebat, gedabu, pedada laut, *Sonneratia griffithii*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), ludai bulan, medang serai, mutan ruba, redan, ridau, tasai, *Mischocarpus lessertianus*.

perepat II (Palembang) ark kawan.

peres (pérés) Kl; **memeres** memaras atau meratakan (beras dlm gantang dll),

peresih (putih) bersih.

peresuk; memeresukkan memasukkan ke dlm lubang (kotak dll), meresukkan;

terperesuk 1. telah dimasukkan; **2.** termasuk, terperosok.

perewa (peréwa) Mn pemberani, pengacau, pengganggu (keamanan).

perewah (peréwah) perawis (masakan).

pergajul → **bergajul**.

pergam sj burung merpati besar, *Ducula aenea polia*; ~ *bukit* sj burung merpati besar, *Ducula b. badia*.

perganda IB, bp propaganda, dakyah;

mempergandakan mempropagandakan, mendakyahkan.

pergar sj kambing.

pergat, pergata sl sj kapal.

pergedel (pergedél) bergedel.

pergi 1. berjalan dll menuju ke sesuatu tempat (mendapatkan seseorang dll): *ia mengajak saya ~ ke Kelantan; kalau tidak percaya ~lah berjumpa ayah kau dan tanyalah dia*; **2.** meninggalkan sesuatu tempat, berundur (dr): *orang muda tadi telah ~ dr situ*; **3.** berangkat, bertolak: *pagi esok saya ~ dgn kereta api pertama; ~ balik (datang, mari) = pulang ~ pergi dan balik (berulang-alik); ~ dahulu a) pergi lebih dahulu; b) ki mati; ~ haji naik haji; ~*

jahanam = ~ setan = telukup (telungkup) persetan (binasalah, jahanamlah);

berpergian pergi (berjalan dll) ke tempat yg jauh: *sejak keretanya rusak, ia sukar ~;*

kepergian perihal pergi, keberangkatan: *yg lebih menyedihkan lagi ialah ~ anaknya yg sedemikian lama itu tidak pernah berpisah dengannya;*

pemergian 1. perjalanan (yg jauh): *Daim menceritakan kisah ~nya ke luar negeri;* 2. kepergian.

pergok Jk; **memergoki** menjumpai (dgn tidak disangka-sangka atau disengajakan), mendapati atau mengetahui (perbuatan jahat dll): *ketika meronda di kawasan itu polis telah ~nya sedang memanjat rumah orang;*

terpergok dilihat (diketahui) orang ketika sedang berbuat sesuatu (kesalahan dll), terjumpa, terserempak, tersua: *di tempat perjudian itu ia ~ dgn ayah saudaranya;* **kepergok, perogok.**

pergol, pergul bersadur (bersalut) dgn emas atau perak, sepuh emas (perak);

dipergol, dipergul dilapis (disadur) dgn emas (perak dll).

pergola struktur berupa junjung atau gerbang drpd kayu atau besi (biasanya terdapat di taman) yg menjunjung tumbuh-tumbuhan memanjat dan dapat dijadikan lorong pejalan kaki bertutup.

perhati; memerhatikan, memperhatikan 1. mempedulikan, mengendahkan, menaruh minat (pd): *ia tidak ~ sedikit pun kata-kata suaminya itu;* 2. melihat (memandang, menengok) dgn teliti, mengamati-amati: *ibunya sangat-sangat ~ kelakuannya;* 3. mengawasi, menjaga, memeriksai: *tugas saya dlm Dewan ini ialah utk ~ bahawa setiap orang mendapat layanan yg sama; tuan tidak ~ segala saudagar yg tinggal dlm daerah tuan;*

perhatian perihal menumpukan pandangan (fikiran dsb) pd sesuatu, minat (dan reaksi atau layanan): *mereka memberikan sepenuh ~ pd pelajaran; semenjak diterbitkan, buku ini mendapat ~ ahli-ahli bahasa; menarik ~ menimbulkan minat (dan reaksi); mengambil ~ mempedulikan; ~! ~! (seruan) minta supaya diberi perhatian pd apa yg akan dicakapkan (diumumkan dsb);*

pemerhatian perihal memerhatikan, usaha, dsb memerhatikan atau mengamati sesuatu: *setelah diperbuat ~ dan percubaan diketahuilah asal-usul penyakit itu; ~ jenis (Tani) pengamatan, dll yg dilakukan utk menentukan hasil baja (yg terbaik dll); pd ~ saya berdasarkan apa yg sudah saya perhatikan atau amati;*

pemerhati 1. orang yg mengikuti perkembangan sesuatu: *~ politik yg objektif akan menyetujui Perdana Menteri;* **2.** orang yg menghadiri persidangan dsb tetapi tidak mengambil bahagian dlm perbincangan dsb.

PERHILITAN akronim bagi Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

peri I 1. hal, keadaan, sifat: *diwartakannya kpd wazir-wazirnya ~ kebesaran negeri Melaka; terdengarlah ke Singapura ~ baik paras puteri itu; ~ kebinatangan sifat-sifat yg terdapat pd binatang; ~ kehidupan keadaan kehidupan; ~ kesopanan sifat sopan;* **2.** cara (mengerjakan sesuatu dll), laku: *akibat perbuatan suaminya itu jugalah ia terlantar demikian ~; betapa ~(nya) bagaimana caranya (halnya); ~ yg layak bagi manusia perbuatan yg layak bagi manusia;* **3.** bagaimana, betapa: *kita hendaklah sentiasa sedar ~ mustahaknya perpaduan dan taat setia rakyat pd negara;* **4.** sl hal (yg berlaku), kejadian, peristiwa: *pd bicara patik, baik juga Duli Yang Dipertuan menyuruh membantu Pahang, dr*

kerana barang suatu ~ Pahang itu tidaklah Duli Yang Dipertuan rugi.

peri II sl kata;

berperi berkata, berucap: *bukan beta bijak ~, pandai menggubah madah dan syair;*

berperi-peri bersungguh-sungguh (mengatakan sesuatu dll): *Yazid ~ mengajak kami minum di kedai kopi; ia ~ benar mengatakan berita itu palsu; hujah yg ~ dikemukakan oleh panglima-panglima tentera Rusia;*

memerikan 1. mengatakan, menceritakan, mengisahkan, menggambarkan (sesuatu hal): *saya selalu membaca buku-buku cerita yg ~ kisah-kisah cinta; tidak dapat diperikan bagaimana hancurnya hatinya oleh perbuatan kekasihnya; 2.* menerangkan, menghuraikan, menjelaskan;

terperi, terperikan terkatakan, terceritakan, tergambarkan; *tidak ~ tidak terkatakan (tergambarkan): adinda suka tidak ~; sedih hatinya bukan kepalang, tak terperikan;*

pemerian 1. perihal memerikan (mengisahkan), pengisahan; **2.** penjelasan, penerangan, penghuraian: *masalah pertama yg dihadapi oleh penyusun kamus dlm ~ makna ialah pemilihan atau penentuan makna sesuatu kata;*

pemeri yg menerangkan (menghuraikan).

peri III sj jin (menyerupai perempuan yg cantik): *kami bukannya drpd bangsa jin dan ~.*

peri IV bp percuma (tidak dikenakan bayaran): *untunglah dia kerana dapat makan ~ tiap-tiap hari.*

peria I sj tumbuhan (pokok menjalar yg buahnya pahit dan dibuat sayur), *Momordica charanthia;* ~ bulan sj tumbuhan (rumpai), bintang berahi, uban kayu, *Cardiospermum halicacabum;* ~ hutan sj

tumbuhan (pokok memanjat), *Vitiss mollissima*; ~ laut = ~ pantai
sj tumbuhan (pokok renek), *Colubrina asiatica*;
*ada pun buah ~ itu kalau ditanam di atas batas sakar dan dibaja
dgn madu, lagi disiram dgn manisan serta diletakkan di atas tebu
sekali pun, apabila masak pahit juga prb orang yg tabiatnya jahat
dan tidak akan dapat diperbaiki lagi; sudah tahu ~ pahit prb kesal
terhadap orang yg mempercayai orang yg diketahui tidak jujur.*

peria II pemuda, lelaki, teruna: *bergaul bebas antara pemuda dan
pemudi, antara ~ dan wanita.*

perian I sj bekas (drpd buluh) tempat membawa air: *dr sungai itu ia
berjalan pulang ke rumah menyandang ~ di bahunya;*
*bagai bunyi ~ pecah prb suara yg buruk (tidak merdu); gagai
mengisi ~ bubus prb pekerjaan yg sia-sia sahaja.*

perian II Tr musim; ~ buah musim buah-buahan.

perian III sj tumbuhan (pokok), mendeluka, tampang, tempunai,
Artocarpus rigida.

periang ark ketika yg baik utk berbuat sesuatu.

periap, periat Pn tidak jujur (lurus), penipu.

peribadi 1. manusia sbg diri sendiri (diri perseorangan): *perkara ini
adalah soal diriku sendiri, soal ~; pendapat ~ pendapat sendiri
seseorang (sbg orang perseorangan); pengawal (penolong,
setiausaha) ~ pengawal (penolong, setiausaha) utk diri sendiri; 2.
sifat-sifat (kelakuan, sikap, dll) seseorang yg sudah sebatu dgn
dirinya sendiri utk merupakan wataknya (yg terasing drpd yg
umum): puasa adalah satu drpd beberapa latihan utk membentuk
kesopanan dan ~ yg tinggi;*

berperibadi mempunyai peribadi (sifat-sifat dll diri sendiri):
*seorang pengarang harus merupakan seorang manusia yg ~
sendiri, dgn pendapatnya dan pendiriannya sendiri;*

keperibadian perihal peribadi, sifat (watak, ciri-ciri, dsb) yg khusus terdapat pd seseorang, bangsa, dsb: *keistimewaan cerpen-cerpen ini terletak pd kejayaan pengarang mencipta watak-watak yg diberi ~ orang Melayu kampung; faham komunis hendak membuat manusia hidup sbg mesin yg tidak mempunyai ~; ~ bangsa; ~ Islam;*

berkeperibadian mempunyai keperibadian: *usaha membina bangsa Malaysia yg kreatif, dinamis dan ~ sendiri.*

peribahasa ayat atau kelompok kata yg mempunyai susunan yg tetap dan mengandungi pengertian yg tertentu, bidal, pepatah: *pegangan mereka yg teguh kpd ~ "biar mati anak jangan mati adat", sudah cukup menerangkan kebudayaan mereka.*

peribudi ark kebaikan hati: *hidup telah mengajarnya tentang ~ manusia.*

peribumi penduduk asli, bumiputera;

memperibumikan menjadikan sesuatu bersifat peribumi, membumiputerakan: *hakikat dunia peristilahan kita ialah usaha ~ istilah Barat;*

keperibumian sifat bangga kerana menjadi anggota peribumi sesebuah negara, yg terpancar (biasanya dlm sesebuah organisasi) melalui penonjolan ciri-ciri peribumi: *semangat ~; institusi itu bercorak ~.*

peridi mudah berkembang biak (dgn beranak atau bertelur banyak): *ayam ~.*

peridung sj ikan darat, *Lobocheilus spp.*

perigi lubang (yg digali dlm tanah) utk mendapatkan air, sumur: *kerana tidak ada bekalan air paip, mereka bergantung pd ~ sahaja utk mendapat air; ~ buta perigi yg tidak mengandungi air lagi; ~ wakaf perigi utk digunakan oleh orang ramai;*

lopak (men)jadi ~ prb naik darjat (menjadi kaya dll); orang yg menunggu ~ itu, bilakah ia mati dahaga? prb orang yg hampir dgn orang yg berilmu (kaya dll) tidak mungkin menjadi bodoh (susah dll); sebab berkelahi dgn ~ akhirnya mati dahaga prb jangan menentang orang yg berkuasa nanti kita juga yg mendapat kesusahan.

perih **Jw 1.** pedih: *masing-masing berasa ~ perut kerana belum makan lagi; 2.* ki payah, susah, tidak senang: *kalau engkau lama di kampung engkau akan mengetahui bagaimana ~nya kehidupan petani-petani di kampung ini; jerih ~ susah payah;*

memerihkan menyusahkan, tidak menyenangkan;

keperihan 1. kepedihan, kesakitan: *setitik air sabun yg masuk ke matanya menyebabkan ~; 2.* ki perasaan tidak senang (tidak gembira dll), kepahitan, kepedihan (perasaan): *dia sendiri dapat berasa ~ yg mencengkam hatinya itu.*

perihal 1. keadaan: *sebenarnya saya merantau ke Sumatera ini kerana hendak melihat adat temasya dan ~ negeri-negeri Melayu di sini; 2.* hal, kejadian, peristiwa: *telah dilihat oleh baginda ~ itu, maka baginda pun terlalu marah; 3.* tentang hal (kejadian dll), tentang keadaan, mengenai (sesuatu atau seseorang): *ia bertanya ~ nasib ibunya sepeninggalannya hampir-hampir dua tahun itu;*

memerihalkan mengisahkan, menceritakan, menyatakan (tentang sesuatu) dgn jelas, menerangkan, menghuraikan: *boleh dikatakan ketiga-tiga teks itu agak lengkap ~ cara istiadat itu dilaksanakan;*

perihal sesuatu yg diperihalkan: *~ tentang potensi bagi percubaan;*

keperihal kisah, keterangan, huraian: *~ sejarah yg terkhusus;*

pemerihalan pemberian keterangan (penjelasan), penjelasan, penghuraian;

pemerihal yg memerihalkan, yg mengisahkan (menerangkan dsb).
perihelion (perihéliion) (Fiz) kedudukan dlm orbit apabila sesuatu planet atau komet berada paling hampir dgn matahari: *bumi beredar di sekeliling orbitnya lebih cepat masanya tatkala ia berada di bahagian ~.*

perijih sj tumbuhan (pokok renek), kesinan, *Ficus quercifolia*.

perikardium (périkardium) (Bio) membran yg membaluti jantung.

perikarpa (périkarpa) (Bio) keseluruhan kulit luar pd buah.

perikemanusiaan 1. sifat-sifat yg wajar bagi manusia (spt bertimbang rasa, tolong-menolong, mengasihani, dsb); **2.** keadaan manusia umumnya;

berperikemanusiaan mempunyai perikemanusiaan (spt perasaan bertimbang rasa, tolong-menolong, mengasihani, dsb);

ketidakberperikemanusiaan perihal tidak mempunyai perasaan perikemanusiaan.

perikondritis (périkondritis) (Ubat) radang pd perikondrium.

perikondrium (périkondrium) (Ubat) membran berserat yg menutupi permukaan rawan.

periksa selidik, penyelidikan, siasat; *kurang (tiada) ~ a* (saya) tidak tahu, entah; *b*) kurang hati-hati (teliti); *salah ~* agak lambat (perbuatan); *usul ~* penyelidikan (penyiasatan, penelitian);

memeriksa 1. mengamat-amati (meneliti, melihat-lihat) utk mengetahui keadaan atau menentukan buruk baik dll sesuatu: *ia ~ seluruh rumah itu sebelum memutuskan akan menyewanya; tugas jawatankuasa ini ialah ~ kira-kira jabatan kerajaan; 2.* menyelidik (mengkaji) utk mengetahui atau mempelajari sesuatu, menelaah (perkara, peristiwa, dll): *doktor yg ~nya menyatakan ia tidak menghidap penyakit tersebut; bahan kimia ini harus diperiksa lebih lanjut sebelum diketahui kandungannya; 3.*

menyiasat (kejadian, perkara, dll), mempertimbangkan dan mengadili (perbicaraan), mengugut, menyoal (orang yg dituduh dll) utk mengetahui kebenarannya (kesalahannya): *Jabatan Pencegah Rasuah akan ~ segala tuduhan menerima rasuah*; **4.** mengamat-amati, mengawasi: *beg-beg kami lama diperiksa kastam di Changloon; baginda ~ barisan kehormatan sebelum merasmikan persidangan*;

memeriksai sl menyiasat (kejadian, perkara, dll), menyelidiki: *maka titah Raja Pahang pd Laksamana, "Orang tuan membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja, baiklah tuan periksai"*;

memeriksakan **1.** memeriksa utk (orang lain): *sesudah disiapkannya rencana itu ia meminta kawannya ~*; **2.** meminta (membiarkan) supaya diperiksa;

peperiksaan ujian (utk menentukan kebolehan atau kepandaian seseorang): *kira-kira 60% sahaja penuntut-penuntut sekolah itu masuk ~ Sijil Rendah Pelajaran*;

pemeriksaan **1.** perbuatan memeriksa, penyelidikan, penelitian, pengusutan: *di hospital, doktor telah menjalankan ~ terhadapnya utk menentukan jenis penyakit yg dihadapinya*; **2.** hasil atau pendapat drpd memeriksa: *~ yg baik akan memberi panduan kpd kanak-kanak dlm pelajaran mereka*;

pemeriksa orang yg memeriksa: *~ kira-kira*.

periksa balas; memeriksa balas (Udg) menyoal seseorang (terutamanya saksi dlm perbicaraan di mahkamah) dgn teliti utk menguji benar tidaknya keterangan atau jawapan yg telah diberikannya sebelum itu;

pemeriksaan balas proses (perbuatan, tindakan dsb) memeriksa balas;

pemeriksa balas orang yg melakukan pemeriksaan balas.

perilaku tindak-tanduk atau reaksi seseorang terhadap sesuatu (rangsangan) yg menggambarkan sikapnya: *pemilihan itu didasarkan pd ~nya.*

perimeter (périméter) (Mat) ukuran panjang keliling sesuatu objek, rajah satah atau kawasan.

perimpin, perimping; *tali* ~ tali di tepi layar.

perincat sj burung, *Munia spp.*

perinci; **memperincikan** menghuraikan (membentangkan, menimbangkan) dgn teliti (perkara, kira-kira, dll): *setelah ditimbangkan dan diperincikan soal itu baharu diketahuinya di mana telah berlaku kesilapan;*

terperinci diperincikan, dihuraikan dgn butir-butirnya: *terdapat juga keterangan-keterangan yg ~ mengenai daerah-daerah di sekeliling;*

keterperincian perihal terperinci;

perincian huraian (keterangan) yg meliputi tiap-tiap aspek atau butir sesuatu perkara (perbelanjaan dll): *perdebatan mengenai ~ belanjawan Kementerian Pelajaran akan diteruskan esok;*

pemerincian perihal atau perbuatan memperincikan, penghuraian (secara terperinci): *ada yg terlalu luas liputan maksudnya hingga memerlukan ~.*

perincis Jk; **memperinciskan** memperincikan;

perincisan perincian; → **perinci, rinci.**

perincit ark burung kelicap.

perindu I; *buluh* ~ = *talang* ~ bunyi-bunyian yg dibuat drpd buluh yg mengeluarkan bunyi dgn sendirinya apabila ditiup angin; *spt buluh* ~ suara (bunyi) yg merdu.

perindu II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek), *Premna divaricata.*

pering I berbau busuk (spt bau air kencing), haring, hancing.

pering II Jw ark buluh; ~ *petung (betung)* buluh betung.

peringat sj tumbuhan (pokok renek), *Breynia reclinata*.

Peringgi orang Portugis.

peringgitan Jw sj serambi yg menghubungkan rumah belakang dgn rumah depan.

peringkat 1. batas yg sudah dicapai (dlm sesuatu kerja, kegiatan, perundingan, dll), tingkat (dlm perkembangan sesuatu), tahap: *kerja membuka ladang baru itu sudah sampai ke ~ akhir, iaitu memulakan penanaman pokok getah dan lain-lain; 2.* bahagian (darjat, kelas, taraf) sesuatu kedudukan (keadaan, kemajuan, dll): *kerajaan mempertimbangkan kepentingan rakyat yg di ~ rendah serta yg berkedudukan tinggi;*

berperingkat bertingkat, bertahap, berkelas (berpangkat, bertaraf), berperenggan: *contoh kira-kira yg diberikan oleh guru hendaklah ~, drpd yg senang kpd yg susah;*

berperingkat-peringkat peringkat demi peringkat, menurut atau ada peringkatnya (tidak sekali gus) bertahap-tahap: *al-Quran diturunkan ~; setiap manusia mempunyai tugas kepimpinan, namun kepimpinan itu ~;*

memeringkatkan menjadikan peringkat, membahagikan atau menyusun dsb mengikut peringkat-peringkat tertentu: *pelajaran yg diberi hendaklah diperingkatkan menurut kebolehan murid-murid;*

pemeringkatan perbuatan memeringkatkan sesuatu: *sebilangan kecil negara saling bertindak tanpa adanya satu ~.*

perintah 1. kata yg menyuruh (mengarah) melakukan sesuatu, arahan, suruhan: *guru memberi ~ "lompat" dan murid sekalian serentak melompat; manusia dipertanggungjawabkan oleh agama supaya melaksanakan segala ~ Tuhan; atas ~ dgn perintah, utk*

melaksanakan segala perintah; *di bawah* ~ a) diarahkan oleh; b) di bawah pimpinan; c) masuk dalam lingkungan (kawalan); *surat* ~ surat yg mengandung perintah; **2.** peraturan drpd kerajaan atau pihak yg berkuasa yg harus dipatuhi: *kerajaan telah mengeluarkan ~ mengharamkan semua tunjuk perasaan di seluruh negara*; **3.** kata-kata suruhan (dlm perbarisan dll), aba-aba, komando; ~ *berkurung* perintah yg melarang orang keluar dr rumah pd masa-masa yg ditentukan; ~ *halus* perintah yg berupa nasihat (cadangan dll); ~ *keras* perintah yg mesti dipatuhi;

seperintah menurut segala perintah (ibu bapa dll): *menurut adat istiadat kita, anak ~ bapak dan kemanakan ~ mamak*;

memerintah **1.** mengeluarkan (memberi) perintah, menyuruh (mengarahkan) melakukan sesuatu: *jika hendak menegah sesuatu perbuatan jarang ia memaksa atau ~, melainkan ia menasihati dahulu*; **2.** menguasai dan mengurus (negara, orang, dll): *menurut sistem demokrasi, kerajaan yg dipilih rakyat ~ negeri*;

memerintahi **1.** memberi (mengeluarkan) perintah kpd: *sbg ketua ia ~ orang-orang di bawahnya*; **2.** membawahkan, memimpin; **3.** ark memerintah (menguasai dan mengendalikan): *selama tiga tahun setengah, Malaya diperintahi Jepun*;

memerintahkan **1.** memberikan perintah kpd, mengarahkan supaya mengerjakan: *ke mana juga ia diperintahkan pergi, ia mesti patuh*; **2.** memerintah (menguasai dan mentadbir negeri dll): *duduklah ia ~ negeri Pahang sementara belum beraja*; **3.** mengelolakan, mengurus (kawasan dll);

terperintah diperintah, dikuasai: *bagi saya orang yg ~ ini, disuruh pergi ditegah berhenti*;

pemerintahan perihal memerintah, cara (sistem) memerintah, pentadbiran: *di bawah ~ demokrasi, rakyat diberi kebebasan yg*

luas; ~ *sewenang-wenang* (Udg) sistem pemerintahan yg tidak dibatasi oleh undang-undang;

pemerintah 1. kekuasaan yg memerintah (menguasai) negara atau bahagian negara dsb: *menerusi kesusasteraan, penulis-penulis mengemukakan fikiran dan kritik-kritik terhadap masyarakat dan* ~; ~ *daerah* kekuasaan yg memerintah daerah; **2.** badan atau kumpulan orang yg memerintah (mengendalikan pentadbiran) sesuatu negara, kerajaan: *parlimen menjaga dan mengawasi segala yg dibuat oleh* ~; *kabinet yg terdiri drpd perdana menteri dan menteri-menterinya merupakan* ~ *yg menentukan dasar pentadbiran negara*; *parti* ~ parti politik yg memerintah (kerajaan); **3.** negara (bukan prebet atau orang perseorangan), kerajaan; *tanah (pejabat dll)* ~ tanah (pejabat dll) kepunyaan negara atau kerajaan; **4.** pegawai (polis, tentera, dll) yg mengetuai pasukan dan memberikan perintah (arahan-arahan): *perintah melancarkan serangan itu dikeluarkan oleh* ~ *pasukan tentera itu*; **5.** ark pengawas, pengelola, pengurus: ~ *perkebunan*; ~ *berperlembagaan* pemerintah (kerajaan) yg mentadbir negeri berdasarkan perlembagaan; ~ *pelarian* kerajaan yg berada di negeri lain (kerana negaranya diduduki musuh dsb); ~ *peralihan* kerajaan sementara (sebelum tertubuhnya kerajaan yg sebenarnya); ~ *pusat* kerajaan pusat (yg berkuasa terhadap seluruh negara); ~ *tentera* pemerintah yg dikuasai oleh tentera.

periode IB 1. edaran atau pusingan masa; **2.** jangka waktu (dlm sejarah dll): *spt yg saya ramalkan kita akan mengalami satu* ~ *pendudukan Jepang*; ~ *1945-1950 adalah* ~ *revolusi fizik*; **3.** Id ayat yg berupa rangkaian beberapa ayat; **4.** Id kelompok bilangan yg berulang-ulang dlm pecahan repetan (pecahan perpuluhan yg mengandungi angka perpuluhan yg berulang-ulang).

periodontik (périodontik) cabang bidang pergigian yg berkaitan dgn penyakit yg menjejaskan tisu dan struktur yg mengelilingi gigi serta rawatannya dsb.

periodontium (périodontium) (Ubat) tisu yg mengukuhkan kedudukan gigi.

periostosis (périostosis) (Ubat) ketumbuhan pd permukaan tulang.

perirana sl sj alat bunyi-bunyian.

perisa **1.** sedap (bahan makanan), enak, lazat: *sesedap mana pun masakan orang lain, masakan emak lebih ~*; **2.** rasa tersendiri yg memang merupakan ciri asli atau semula jadi sesuatu, spt buah-buahan dan tumbuhan: *~ oren; ~ anggur; ~ vanilla*; **3.** = bahan ~ bahan yg dibubuh dlm makanan atau minuman utk menambah rasa enaknya: *kebanyakan makanan yg diproses telah dicampur dgn pewarna, ~ dan pengawet*;

berperisa mengandungi perisa: *minuman air sirap ~ limau; minuman ~ halia*;

keperisaan kesedapan, keenakan: *nikmatilah ~ buah-buahan sejati*.

perisai **1.** alat utk menangkis senjata (tikaman, pukulan, dll), taming: *lembingnya ditimang-timangnya dgn ~ bergenta dikirap-kirapnya*; **2.** Id besi (keluli) tipis yg digunakan sbg pelindung (pd meriam dll); *kereta ~ kereta tentera yg berdinding atau berlapis besi (utk melindungi drpd tembakan)*; **3.** ki orang (benda dll) yg dijadikan pelindung diri (drpd bahaya, tuduhan, dll): *abang akulah yg menjadi ~ku tiap-tiap kali aku bertengkar dgn kakakku*; **4.** barang drpd perak dll yg berupa perisai (taming) yg dijadikan hadiah kpd pemenang dlm pertandingan sukan dll: *selesai pertandingan itu Abdul Hadi dijulang ke tepi padang membawa sebuah ~*; ~

pusingan perisai yg dipertandingkan berulang-ulang (tidak terus menjadi hak pemenang pertama);

berperisai memakai (mempunyai) perisai.

periskop (périskop) alat optik berbentuk tiub yg mengandungi kanta, cermin, atau prisma utk melihat objek yg tidak selari dgn garis pelihatan, mis dlm kapal selam, utk melihat objek di permukaan air.

peristalsis (péristalsis) (Bio) pergerakan berombak terutamanya pd salur makanan (utk menolak bahan makanan), akibat pengecutan dan pengenduran otot secara berturut-turut.

peristiwa sesuatu (hal dll) yg berlaku (menarik perhatian dll), kejadian, perkara: *pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu merupakan suatu ~ yg penting dlm sejarah negeri ini; sekali ~ sl pd suatu kejadian; ~ bahasa Id sesuatu kejadian yg berkaitan dgn perkembangan bahasa; ~ sejarah kejadian-kejadian penting (besar) dlm sejarah;*

berperistiwa bersejarah; *hari ~ hari yg bersejarah (kerana berlakunya kejadian penting).*

perit I **1.** rasa sakit (spt luka kena ubat dll), pedih, perih: *luka di mukanya masih pedih dan ~;* **2.** ki sangat dukacita (kecewa dll), sakit hati, pilu: *ia berasa amat pahit dituduh demikian, ~ dan sayu;* **3.** susah payah, sukar: *penulis cuba menggambarkan bagaimana ~nya hidup seorang pengemis;*

memeritkan menyebabkan (sesuatu) perit: *cahaya matahari yg ~ kulit badan;*

keperitan perihal perit, kepedihan, kesusahan, kesukaran: *ia menghadapi segala ~ hidup dgn sabar.*

perit II Kl jera, serik.

perit III Kl; **terperit-perit** terkedip-kedip, terkelip-kelip (mata), terkenyit-kenyit.

perit IV Jk burung pipit.

peritoneum (péritonéum) (Bio) membran yg melapik dinding rongga abdomen pd mamalia.

peritonitis (péritonitis) (Ubat) radang pd peritoneum.

periuk I sj bekas drpd tanah (aluminium dll) tempat memasak nasi (gulai dll);

~ *api* sj bom yg ditanam dlm tanah (ditaruh di bawah permukaan air) dan meletup apabila dilanggar dll; ~ *belanga* berbagai-bagai bekas utk memasak (periuk, belanga, kual, dll); ~ *nasi* a) periuk tempat menanak nasi; b) ki mata pencarian, rezeki; ~ *tekanan* sj periuk logam bertutup kedap yg boleh memasak (spt mengempukkan daging dsb) dgn cepat menggunakan wap bertekanan tinggi;

~ *mengumpat belanga* prb mengatakan kekurangan orang padahal keadaan sendiri begitu juga; *barang di mana pun pantat ~ itu hitam juga* prb barang di mana pun kehidupan orang yg miskin itu miskin juga; *besar ~ besar kerak(nya)* prb besar pendapatan besar pula perbelanjaan; *di mana ~ pecah, di situlah tembikar tinggal* prb perihal orang yg mengembara yg tidak menghiraukan di mana ia akan mati atau ditanam; *jangan menumbuk di ~, bertanak di lesung* prb jangan hendaknya sesuatu perbuatan itu melanggar adat kebiasaan; *menumbuk di ~, bertanak di lesung* prb mengerjakan sesuatu dgn cara yg ganjil (luar biasa).

periuk II; ~ *hantu* sj tumbuhan (pokok renek), sembuku, *Mymedocia tuberosa*; ~ *kera* = ~ *kerengga* = ~ *monyet* sj tumbuhan (pakis), *Nepenthis spp.*

perjaka orang muda, pemuda: *umumnya buat lelaki ~, kalau sudah berkumpul demikian, main kartu hingga pagi; → jika II.*

perji sl kemaluan perempuan; → **faraj**.

per kapita bagi setiap orang atau penduduk (berdasarkan kiraan purata):
pendapatan ~ dijangka lebih tinggi pd tahun 1995.

perkakas 1. benda-benda yg digunakan utk membuat sesuatu pekerjaan (memasak, bertukang, dll), alat: *kerja itu tidak dapat dibuat dgn sempurna kerana kekurangan ~; 2.* (Bio) bahagian-bahagian (manusia atau binatang) yg menjalankan tugas-tugas tertentu, organ: *pd binatang mamalia ~ perjalanan darah ini selalunya mengandungi jantung, salur nadi, pembuluh, dll; binatang-binatang spt arnab atau tikus biasanya dibedah utk diperiksa ~ di dlm tubuhnya; 3.* ki orang yg bekerja utk orang lain (biasanya dgn tujuan-tujuan buruk), alat, ejen: *baik dibunuh sahaja orang yg menjadi ~ musuh kita;*

~ dapur alat-alat utk kegunaan di dapur (periuk belanga dll); *~ makan* alat-alat yg digunakan ketika makan (pinggan, mangkuk, senduk, sudu, dll); *~ perang* alat-alat utk berperang (senjata dll); *~ rumah* benda-benda yg diperlukan dlm rumah (almari, kerusi, meja, dll), perabot; *~ tukang kayu* alat-alat yg digunakan oleh tukang kayu (gergaji, ketam, dll); *~ tulis* alat-alat menulis (pensel dll);

memperkakaskan menggunakan sbg perkakas, memperalat:
mereka berasa tidak berdaya kerana diperkakaskan oleh golongan manusia durjana yg berkuasa;

perkakasan 1. bermacam-macam perkakas, (alat) perkakas: *sebuah dua kapal Inggeris sudah sampai ke Melaka membawa ~ perang itu; 2.* (Komp) peralatan yg membentuk satu sistem komputer spt monitor, papan kekunci, unit pemprosesan, dll.

perkara I 1. sesuatu yg harus diselesaikan, pokok perbincangan (pertelingkahan dll), fasal, hal: *sbg pengurus syarikat banyak ~ yg harus diselesaikannya; Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu mengandungi seratus sebelas ~ yg pendek-pendek; ~ belakang urusan yg boleh diselesaikan kemudian; ~ besar hal yg penting; ~ kecil hal yg tidak penting (tidak sukar); habis ~ sudah beres segala-galanya (tidak ada yg hendak diuruskan lagi);* 2. kejadian, peristiwa: *wartawan yg memberikan ~ kemalangan itu sempat juga mengambil gambar;* 3. hal yg menghendaki keputusan, mahkamah, dll (perbuatan jenayah, perselisihan, dll), kes, sengketa: *beberapa ~ menerima rasuah sedang disiasat oleh jabatan itu; masih dalam ~ sedang dibicarakan (oleh mahkamah);* 4. bp berkenaan dgn, mengenai, tentang hal: *lupakan sajalah dahulu ~ hutangnya yg belum selesai itu;* 5. bp disebabkan oleh, kerana: *~ perempuanlah mereka berdua itu bergaduh;*

seperkara; ~ lagi (pula) satu hal lagi, tambahan lagi: *ia dilantik memegang jawatan itu kerana kecekapannya, ~ lagi ia memang berpengalaman;*

berperkara 1. mempunyai perkara (urusan); 2. sedang dibicarakan (diadili);

memperkarai ark menjadikan perkara (kes), membawa ke mahkamah;

memperkarakan 1. menjadikan perkara, membawa ke mahkamah supaya diadili: *kalau kita tidak berhati-hati dan melanggar undang-undang kita boleh diperkarakan;* 2. menjadikan perselisihan (pertengkaran, pergaduhan), mempertengkarkan, mendebatkan: *tidak ada gunanya kita ~ hal itu, lebih baik kita lupakan sahaja.*

Perkara II (Udg) 1. sebutan tentang peruntukan dlm Perlembagaan Persekutuan: ~ *152 Perlembagaan Persekutuan*; **2.** sebutan tentang sesuatu peruntukan dlm dokumen tertentu, mis Memorandum Persefahaman.

perkasa 1. = *gagah* ~ gagah berani: *Hang Tuah terkenal sbg seorang hulubalang Melayu yg ~*; **2.** berkuasa, hebat, kuat; *dgn* ~ dgn paksa (kekerasan);

memperkasakan menjadikan hebat (unggul, kuat, terkenal, berdaulat, dominan dsb): *usaha utk ~ industri minyak sawit perlu dilakukan segera; ~ bahasa Melayu*;

keperkasaan 1. perihal perkasa, keberanian, kegagahan: *dia tahu benar ~ Iskandar Muda dgn armadanya yg besar menyerang Melaka*; **2.** kekuasaan, kekuatan, kekerasan;

pemeriksaan perihal (perbuatan, usaha atau tindakan) memperkasakan: *kongres tersebut turut meluluskan resolusi dlm aspek ~ bahasa Melayu*.

perkelang ark sl gelaran bagi hulubalang Siam (Pra Kelang).

PERKESO (perkésó) akronim bagi Pertubuhan Keselamatan Sosial.

PERKIM akronim bagi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia.

perkosa 1. gagah, kuat, perkasa; **2.** paksa, kekerasan, perkasa: *rakyat seluruhnya harus menentang serangan ~ drpd lawan dgn segala tenaga dan alat yg ada padanya; dgn* ~ dgn paksa (kekerasan);

memperkosakan 1. melakukan persetubuhan dgn kekerasan, merogol (perempuan): *seorang pemuda ganas telah melarikannya dan ~nya*; **2.** menakluki (menguasai) dgn kekerasan, memaksa, menggagahi: *ia telah menggunakan pangkat dan kekuasaannya utk ~ orang lain*; **3.** menyerang (negeri dll) dgn kekerasan, melanggar (hukum dll) dgn kekerasan: *penindasan penduduk*

negeri yg dijajah itu adalah ~ Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu; ~ kedaulatan negeri lain;

perkosaan, pemerkosaan **1.** perbuatan merogol (perempuan); **2.** perihal, perbuatan memperkosa, paksaan, pelanggaran, penggagahan: *langkah-langkah utk mengelakkan jenayah rogol, ~ dan khalwat;*

pemerkosa orang yg memperkosa.

perkusi (Ubat) kaedah mengetuk sesuatu bahagian tubuh dgn jari utk mendiagnosis sesuatu penyakit.

perkutut sj burung, balam, ketitir, merbuk, *Geoplia striata*.

perlah; *astaga* ~ bp, sr kata utk menyatakan rasa hairan atau terkejut; Æ **astaga.**

perlahan = perlahan-lahan **1.** tidak terburu-buru (tergesa-gesa, cepat-cepat), lambat-lambat: *ia berjalan sangat ~ spt tiada berdaya lakunya; setiap pelukis mestilah belajar melukis dan kemudian perlahan-lahan meningkat naik hingga menjadi pelukis yg terkemuka;* **2.** tidak kuat (percakapan, suara), lembut: *cakaplah perlahan-lahan sedikit supaya tidak didengar orang;* **3.** tidak dgn tenaga yg banyak, tidak kuat-kuat, sedikit-sedikit: *meriam itu ditarik perlahan-lahan;*

memperlahankan **1.** menjadikan perlahan, memperlambat: *apabila menghampiri persimpangan jalan ia ~ kereta yg dipandunya;* **2.** mengecilkan suara atau bunyi: *perlahankan sedikit radio itu.*

perlak I **1.** = *kain* ~ sj kain yg tebal dan berkilat, kain cat; **2.** = *kulit* ~ kulit yg dilapisi dan berkilat: *sepatnya diperbuat drpd kulit ~ hitam.*

perlak II Mn kebun, taman.

perlan; **memerlan** menelan.

perleng (perléng) IB, bp memperpanjang (waktunya, lamanya), diperpanjang atau dilanjutkan (waktunya, lamanya).

perlente (perlénté) **1.** suka memakai pakaian cantik-cantik, gagah, kacak, lawa: *dia memang seorang ~*; **2.** bijak berkata-kata.

perlenteh (perléntéh) **1.** orang yg suka merayau ke sana sini, orang pemalas (suka menganggur); **2.** sl pencuri, penjahat: *sudah itu akan segala perajurit dan ~ kita perbaiki dan engkau menjadi ratu di dlm negeri ini, aku menjadi patih;*

diperlente sl dicuri.

perli sindiran, ejekan, cemuhan: *kata-kata ~ itu kian lama kian terasa menggores hatinya;*

memerli, memperli **1.** menyindir, mengejek, mencemuh: *kalau isterinya ~ begitu, lebih-lebih lagi mempermainkan soal agama, sudah tentu tapak kaki naik ke mukanya;* **2.** menyindir seseorang: *dia berasa jengkel kerana abangnya ~nya;*

memperlikan mempersendakan sesuatu: *Siti Salina kali ini ~ bahasa Melayu Kurupaya itu;*

perlian ark perli, sindiran.

perlina sl hilang, tidak kelihatan.

perling I; terperling berkilat (mata).

perling II **1.** sj burung, burung nuri, *Psittinus c. cyanurus*; **2.** sj burung, burung koran, *Aplonis panayensis strigatus*.

perlip IB **1.** bp jatuh cinta, sangat cinta; **2.** bp kekasih;

perlip-perlipan bp bercinta-cintaan, berkasih-kasih, bersuka-sukaan.

Perlis negeri di barat laut Semenanjung, keluasan 803 km², Kangar sbg ibu negeri.

perlop **1.** cuti (kerana berehat, sakit, dll): *ia mendapat ~ panjang utk ke luar negeri;* **2.** bercuti (utk berehat dll).

perlu 1. keharusan (yg tidak dapat dielakkan), kemestian: *sembahyang dan puasa antara perkara yg menjadi ~ bagi orang Islam*; **2.** menjadi kemestian (utk mendapat sesuatu dll), harus, terpaksa: *tiap-tiap borang permohonan ~ ditandatangani oleh pemohon; penanam getah ~ menunggu antara lima hingga tujuh tahun utk mendapat hasilnya; tidak ~ tidak mesti, tidak payah, tak usah*; **3.** harus ada (diperoleh), berguna, mustahak, penting: *kerjasama petani-petani adalah ~ utk menjayakan rancangan tersebut; sebelum dibeli sesuatu barang baiklah kita fikirkan sudah ~kah barang itu kpd kita*; **4.** = ~ akan (dgn) sangat menghendaki (akan), berhajat (akan): *utk melaksanakan rancangan ini kita ~ bantuan wang dan sokongan*; **5.** sesuatu yg dikehendaki (dipentingkan), hajat, kepentingan: *ada ~ apa saya dikehendaki datang ke pejabatnya?; apa ~nya apa gunanya (sebabnya)*; **6.** = ~ utk untuk, bagi, buat, guna: *ia pergi ke sana ~ mengambil pakaiannya*;
seperlunya sekadar (setakat) yg perlu sahaja, jika perlu sahaja: *ia sedia memberi bantuan ~*;

memerlukan 1. menjadikan perlu, memestikan, mewajibkan: *ibu bapa digesa supaya ~ pelajaran bagi anak-anak mereka*; **2.** menghendaki (menghajatkan) sangat-sangat, mahu benar-benar: *negara kita ~ banyak lagi doktor dan jurutera*; **3.** membuat sesuatu kerana memikir lebih perlu drpd perkara (kerja) lain;
perlu-memerlukan saling memerlukan: *mereka hidup dlm masyarakat yg ~ antara seorang dgn yg lain*;

keperluan 1. perihal perlu: *~ akan air paip sangat terasa di setengah-setengah kampung*; **2.** sesuatu yg diperlukan, keharusan, kemestian: *undang-undang yg sempurna dan adil adalah suatu ~ utk mencapai pemerintahan yg baik*; **3.** sesuatu yg diperlukan (dikehendaki), sesuatu yg berguna, kepentingan: *wang drpd*

gajinya sahaja tidak cukup untuk membeli ~ hidup utk keluarganya; ~ bersama kepentingan bersama; utk (bagi, buat, guna) ~ perlu atau digunakan utk; 4. hajat, kehendak, maksud, tujuan: ia tidak ada ~ apa-apa, hanya utk berkenal-kenal dgn mereka sahaja.

perlung; *burung ~ sj burung, Gorsachoi melanolophus.*

perlup I IB, bp bertunangan.

perlup II Id, bp tidak ketat, galir, longgar (skru dll).

perlus I; terperlus termasuk (terperosok) ke dlm lubang; *~ maka hendak menutup lubang prb sesudah ditimpa kecelakaan (kemalangan) baru ingat akan jalan keluar (ikhtiar dll).*

perlus II K1 longgar, perlup.

permafros (Geog) ibun abadi.

permai indah, cantik, elok: *payah dicari sebuah desa se~ Tenong, sawahnya lebar saujana mata memandang; indah ~ sangat indah; kepermaian* perihal permai, keindahan, kecantikan, keelokan: *pengarang gemar melukiskan kecantikan seorang puteri atau sebuah ~ istana.*

permaidani hamparan drpd bulu domba dll (berwarna-warna), ambal: *di lantai terhampar ~ yg luas, tebal dan berbunga-bunga.*

permaisura panggilan bagi raja.

permaisuri 1. isteri raja, raja perempuan: *sekarang negeri Melaka ini tiada beraja perempuan kerana ~ Pahang telah mangkat; 2. ki isteri (biasanya dlm bahasa puitis): ketika itu juga, beliau melamar Linda utk menjadi ~nya; ~ raja berurap-urapan, lipas di dinding timpa perasaan prb perihal orang miskin atau hina menyamai orang yg kaya-kaya dlm perasaan hatinya.*

permak IB, bp; **memermak** meminda dan memperbaiki (baju dll) supaya dapat dipakai dll: *bajuku aku beri begitu sahaja kepadanya utk dipermak.*

permana sl banyaknya, bilangan;

terpermanai; *tiada* ~ a) tiada terkira (banyaknya), sangat banyak (ramai): *terlalu besar kerajaannya syahdan terlalu banyak hulubalangnyanya dan rakyatnya tiada* ~ lagi; b) tiada ternilai, sangat tinggi nilainya.

permanen bp kekal, tetap, lwn sementara.

permanganat (Kim) garam asid permanganik.

permanganik; *asid* ~ asid yg hanya wujud dlm larutan dan dlm bentuk garam permanganat.

permasan sl (kaum) bangsawan atau ningrat.

permata batu yg berharga yg diikat pd cincin dan perhiasan-perhiasan lain (intan, berlian, nilam, dll);

~ *dibalas dgn senjata* prb kebaikan dibalas dgn kejahatan; ~ *lekat di pangkur* prb tidak kena pd tempatnya (orang, perbuatan, dll); *bagai menjaga* ~ *intan semasa dicanai* prb kasih yg amat sangat (suami terhadap isteri dll); *spt cincin dgn* ~ prb a) bersetujuan dlm segala hal; b) berpadanan (sama-sama cantik dll);

berpermata ada permatanya, diikat dgn (bertatahkan dsb) permata: *rantai emas* ~.

permatang jalan kecil yg tinggi sedikit drpd permukaan di sekelilingnya (di sawah dll).

permen (permén) ark sj gula-gula yg mengandungi minyak perangsang drpd tumbuhan; *minyak* ~ minyak dr sj tumbuhan yg rangsang baunya (rasanya).

permil bp satu dibahagi seribu, per seribu; *sepuluh* ~ sepuluh dibahagi seribu, sepuluh per seribu.

permisi IB **1.** izin, kebenaran, persetujuan: *ia dimarahi pengurus syarikat kerana membuat tindakan tanpa ~ drpd ketuanya*; **2.** (minta) maaf: *~ dulu, saya belum mandi*; **3.** = minta ~ minta izin (kebenaran), minta diri: *Aziz ~ pulang lalu keluar; orang-orang yg ~ bertambah banyak sehingga tambah lama tambah kosong rumah; Wati minta ~ masuk ke dapur dan kembali dgn semangkuk teh*; **4.** tidak hadir (ke tempat kerja dll) dgn izin;

mempermissikan **1.** meminta izin (tidak dapat datang bekerja dll), meminta kebenaran; **2.** ark membenarkan, mengizinkan.

permisif bersifat terbuka yg membolehkan atau mengizinkan berlakunya sesuatu: *terdapat sikap ibu bapa yg lebih ~, lebih mengizinkan dan lebih membiarkan; langkah demikian boleh mewujudkan masyarakat yg ~ dan menimbulkan keruntuhan moral di kalangan muda-mudi.*

permit dokumen rasmi (atau kebenaran bertulis) drpd pihak berkuasa yg memberi seseorang hak utk melakukan sesuatu: *rumah-rumah yg hendak dirobuhkan itu telah didirikan dgn tidak ada ~ kerajaan*;

berpermit ada permitnya, mempunyai permit.

pernah I sudah ada mengalami (melakukan, melihat, merasai, dll), sudah berlaku: *ia sudah ~ hidup susah sebelum menjadi kaya; belum (tidak) ~ belum sekalipun (berlaku, kedengaran, mengalami, dll).*

pernah II Jk kedudukan, tempat, pertalian kekeluargaan; *~ apa dia? apa pertaliannya denganmu? ~ anak anak kepadaku (kepadanya).*

PERNAMA akronim bagi Perwira Niaga Malaysia.

PERNAS akronim bagi Perbadanan Nasional (perbadanan yg berusaha menubuhkan syarikat-syarikat perusahaan dan perniagaan).

perni sj bekas air drpd kaca.

pernik; *banyak ~ bp banyak ragam (kerenah), banyak selok-beloknya, tidak mudah.*

pernikel IB, bp bersadur dgn nikel.

pernis IB varnis;

dipernis dicat dgn varnis.

perogok; terperogok terpergok; → **pergok**.

perohong lubang besar (di dinding, di lantai, dll);

terperohong terbuka luas (lubang, luka, dll), ternganga.

peroi I 1. mudah pecah-pecah (tanah dll), tidak padat (padu), gembur: *tanah itu ~ dan senang dikerjakan*; **2.** = **seroi** Kd nasi yg tidak boleh dikepal-kepal kerana kurang air;

memeroikan menjadikan peroi, mengemburkan, menghancurkan: *menggali dan membajak utk melonggarkan atau ~ tanah*;

keperoian perihal, sifat atau keadaan peroi (tidak padat).

peroi II sj ikan darat, *Osteochilus hasselti*.

peroksida (Kim) kumpulan sebatian yg terhasil melalui pemanasan oksida dlm udara atau oksigen dan digunakan sbg agen pengoksidaan, agen peluntur, dll.

perolok Kd makan lekas-lekas, memolok.

peroman sl roman muka, rupa muka: *jikalau ~ sama baik*.

peron (péron) IB platform (di stesen kereta api): *aku melompat dr pintu sebelum kereta berhenti di tebing ~*.

peronggah Pr mencarut.

perongo; terperongo terbuka luas (lubang hidung dll).

peronyok; memperonyok merenyuk (kertas dll), mengerumukkan, mengumalkan;

memperonyokkan membenamkan atau menekankan (supaya masuk): *diperonyokkannya songkok itu hingga tertutup separuh kepalanya*;

terperonyok **1.** renyuk, kerumuk, kumal; **2.** terbenam, terperosok:
ia duduk ~ di kerusi panjang itu tanpa bergerak.

perop IB **1.** gabus (sumbat botol); **2.** = *topi* ~ topi drpd gabus.

peropok sj tumbuhan (pokok), *Hemigyrosa longifolia*.

peropong sj tumbuhan (pokok), *Adina rubescens*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok renek), *Glyptopetalum quadrangulare*.

perosah Kd mencuba-cuba memperbaiki sesuatu (radio, basikal, dll): *dia dok ~ radio itu.*

perosok; terperosok **1.** termasuk atau terbenam (kaki dll) ke dlm lubang (parit dll), terperlus: *kakinya ~ ke lubang jalan*; **2.** termasuk ke dlm (mata): *ia merenung tepat pd orang tua yg kurus cengkung dgn matanya yg ~ ke dlm itu*; **3.** ki terjatuh dlm kehinaan (kesukaran dll): *ia sudah ~ ke lembah kehinaan.*

perot (pérot) herot.

peroyak Kl banyak ragam (kanak-kanak), selalu menangis.

perpatih **1.** sl panggilan utk orang besar di Sumatera (zaman dahulu); **2.** = *adat* ~ adat orang Minangkabau (diamalkan oleh setengah-setengah penduduk Negeri Sembilan).

perponding IB **1.** = *pajak* ~ cukai tanah dan cukai pintu (cukai rumah); **2.** = *tanah* ~ tanah yg dimiliki turun-temurun (bagi orang Indonesia).

pers Id surat khabar, persuratkhabaran: *selangkah demi selangkah pemerintahan totaliter menghancurkan kemerdekaan ~, kebebasan pengarang, kebebasan pelukis.*

persada **1.** = *panca* ~ sl sj lantai yg tinggi bertingkat atau bertangga tempat duduk raja (pembesar negeri dll); **2.** = *panca* ~ sl taman tempat bersuka-sukaan (beristirahat dll); **3.** = ~ *tanah air* tanah tumpah darah, tanah air (ibu pertiwi): *mereka anak negeri yg bertanggungjawab atas ~ tanah airnya*; **pancapersada.**

persangga 1. sl ukuran jauh kira-kira 6 km atau 3.75 batu; **2.** sl perbatasan: *bunyinya sampai ke ~ bumi.*

per se (per sé) (Latin) itu sendiri (ungkapan yg digunakan utk menunjukkan bahawa sesuatu itu dipertimbangkan atas sifatnya sendiri, bukan berdasarkan hubungannya dgn perkara lain): *kajian ini bukan membabitkan satira ~ spt yg ditegaskan pengkaji; transformasi budaya yg dimaksudkan hendaklah mencakupi transformasi dlm bidang kebudayaan ~.*

persegi 1. = empat ~ segi empat yg sisinya sama panjang; **2.** ukuran luas yg diperoleh drpd hasil darab ukuran panjang dan lebar sesuatu benda itu: *besar pulau itu 50 km ~.*

persekot wang pendahuluan, wang muka, cengkeram, panjar: *jika perlu wang sebelum habis bulan, dia dapat minta ~;*

memersekti, mempersekoti memberi wang pendahuluan (wang muka), membayar cengkeram (panjar).

persen (persén) I peratus: *pengarang buku biasanya mendapat sepuluh ~ drpd harga buku yg tidak dicetaknya sendiri;*

persenan berdasarkan persen (peratus).

persen (persén) II Id hadiah, pemberian, upah, wang kopi: *~ yg diterima Fauzi hari itu dibawanya pergi dgn hati yg teguh;*

memersen memberi persen kpd, menghadahi;

memersenkan memberikan sbg persen (hadiah);

persenan hadiah, pemberian.

perseneling (persenéling) Id, bp gear (kereta dll).

persepsi (persépsi) gambaran atau bayangan dlm hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan: *kekuatan imaginasi, kepekaan dan ~nya terhadap alam dan kehidupan memberikan gaya dan pengucapan yg khusus pd karya-karyanya;*

memppersepsi membuat gambaran (bayangan) dlm hati atau fikiran tentang sesuatu: *objek-objek yg dipersepsi secara visual diterima tanpa soal.*

perseptif (perséptif) cepat melihat, memahami, atau menyedari sesuatu: *pihak penganjur Seminar Seni Islam ini begitu ~ dlm memilih tema; pengungkapan pemikiran yg ~ dan mendalam dlm karya-karya Sastera.*

persetua → **peristiwa**.

persih sl bersih, putih bersih: *di luar jendela langit ~, matahari menyinar keras; putih ~ putih bersih.*

persil I; **terpersil** tertonjol, tersembul.

persil II IB **1.** sebidang tanah (utk tapak rumah, kebun, dll): *~~ di Bandung hanya 15 meter lebar dan 20 meter ke dalam dan rumah-rumahnya sempit; 2.* = tanah ~ tanah sewa (utk jangka waktu 75 tahun).

persis **1.** kena benar, sama benar, serupa benar: *lagaknya ~ lagak seorang diplomat; wajah Amelia ~ wajah emaknya; 2.* tepat (bkn waktu), genap: *Mimi meninggalkannya ~ pukul 12 tengah hari;*

kepersisan perihal (keadaan) persis, ketepatan, kejituan: *arahan yg ideal ialah yg tidak berulang dan terperinci, tetapi sempurna dr segi ~nya; ~ daya fikiran masyarakat di Malaysia dapat diukur pd mutu bahasa Melayu yg dikuasai.*

perslah IB huraian (keterangan) mengenai sesuatu kejadian (mesyuarat dll), laporan, minit; *~ pandangan mata ulasan selari atau secara langsung menerusi radio bkn pertandingan bola sepak dll.*

persona **1.** (Sas) watak rekaan di dlm cereka, drama, novel dsb: *cara penelitian demikian juga dilakukan terhadap ~ dlm karya-karya sajak; 2.* (Psi) watak atau sifat seseorang spt yg ditampilkan kpd orang lain atau spt yg ditanggapi oleh orang lain; **3.** IB orang.

persona grata (Latin) orang yg boleh diterima atau dialu-alukan kehadirannya di sesebuah negara dsb, mis diplomat asing.

personal (bersifat) peribadi.

personalia IB (urusan dll) yg berkaitan dgn orang-orang atau nama-nama orang: *aku masuk ke suatu ruang yg bertulis "bahagian ~"*.

personaliti keperibadian, perwatakan: *telah banyak benar diperkatakan tentang sasterawan ini, drpd hasil-hasil karyanya membawa kpd persoalan ~nya.*

persona non grata (Latin) orang yg tidak dapat diterima oleh sesebuah negara selama-lamanya setelah didapati bersalah melakukan kesalahan (jenayah) yg tidak dapat dimaafkan (berat) semasa dia berada di negara tersebut.

personel (personél) pegawai, kakitangan (pejabat dll); *urusan ~* urusan kakitangan.

personifikasi 1. pemberian (penyerapan) sifat-sifat manusia kpd benda tak bernyawa atau sesuatu yg abstrak dll utk mendapatkan kesan sastera atau seni, 2. pelambangan atau pengemukaan benda tidak bernyawa atau sesuatu yg abstrak sbg mempunyai sifat-sifat manusia;

mempersonifikasikan melambangkan atau mengumpamakan sesuatu benda yg tidak bernyawa (atau abstrak) sbg manusia atau mempunyai sifat-sifat manusia: *dia ~ Kuala Lumpur dgn kata-kata yg terpilih.*

perspirasi (Ubat) kehilangan cecair melalui permukaan tubuh, sama ada melalui proses perpeluhan atau pengewapan.

perspektif (perspéktif) 1. cara pelukisan (penggambaran) sesuatu benda dll pd permukaan yg rata sebagaimana yg kelihatan dr sesuatu tempat pd mata seseorang; 2. pandangan (pentafsiran) yg wajar bkn sesuatu dgn memperkirakan bahagian-bahagiannya dlm

hubungan keseluruhannya: *logika dan ~ amat penting dlm menghadapi hal ini; oleh yg demikian ~ latihan hendaklah dilihat dr sudut lain.*

persuasif berupaya mempengaruhi atau meyakinkan orang lain utk melakukan sesuatu: *ramai orang tertarik utk membeli alat itu kerana cara promosi yg sangat ~.*

pertal IB; **memertal** bp menterjemahkan;

pertalan terjemahan.

pertala kenderaan dewa, kenderaan sakti.

pertama 1. (yg) kesatu: *penuntut tahun ~ dan tahun kedua mempelajari ilmu itu secara umum manakala penuntut tahun ketiga mempelajarinya secara mendalam; 2.* = ~ kali mula-mula sekali, julung kali, terdahulu sekali: *inilah tunjuk perasaan antikerajaan yg ~ diadakan di negeri itu sejak kemerdekaannya; inilah ~ kali seniwati itu berlakon sbg seorang perempuan tua; 3.* terutama, terpenting: *kewajibankau yg ~ ialah menjayakan perusahaan yg baru dijalankan ini;*

pertama-tama yg pertama sekali, yg mula-mula (terdahulu) sekali: *candu itu ~ haram menurut agama Islam dan kedua membinasakan badan;*

dipertamakan didahulukan, dipentingkan, diutamakan.

PERTAMA akronim bagi Persatuan Wartawan Wanita Malaysia.

pertanda sl algojo, pelebaya, tanda: *maka lalulah disuruhnya bunuh sebentar itu juga kpd ~.*

pertang 1. sj ikan laut, a) *Epinephelus tauvina*; b) *Epinephelus megachir*; c) *Epinephelus lanceolatus*; **2.** sj ikan laut, *Promicrops lanceolatus*.

pertiwi; *dewi ~ dewi yg memerintah (menguasai) bumi; ibu ~ tanah tumpah darah, tanah air: beliau berkata pelajar-pelajar di luar*

*tanah air juga hendaklah bersiap sedia menyambut panggilan ibu
~.*

PERTIWI akronim bagi Persatuan Wanita Islam Malaysia.

pertua ark **1.** tua-tua (orang yg dipandang atau dianggap tua); **2.** = *Yang Di~ ketua, pemimpin: dlm mesyuarat agung itu ia telah dipilih menjadi Yg Di~ Kesatuan.*

pertun sj tumbuhan (pokok), butung, *Barringtonia asiatica*.

pertusis (Ubat) penyakit berjangkit (terutamanya menyerang kanak-kanak) yg dicirikan dgn batuk bertalu-talu, sedutan nafas yg panjang dan berbunyi, muntah, dan perdarahan (dlm kes yg teruk), batuk kokol.

peru Kl; **memeru** menabur (benih).

peruan Id ark kayu di tiang kapal tempat menggantungkan layar, andang-andang.

peruang; *ilmu* ~ ilmu utk tahan lama menyelam (dgn menjadikan ruang udara di sekeliling badan).

peruk; **memeruk** memasukkan dgn sembarangan sahaja ke dlm beg dll (tidak menyusun baik-baik), membenamkan: *pakaian tidur dan tuala mandi diperuknya saja dlm beg;*

terperuk 1. tersimpan (terbenam dll) dlm beg (di ceruk, di pelosok rumah, dll): *di dlm peti itulah ~ sebuah novelnya*; **2.** ki tinggal dlm rumah sahaja dll (tidak keluar-keluar), terkurung (dlm rumah dll): *ia ~ sahaja di rumah hingga tidak mengetahui perkara-perkara yg berlaku di kampung itu*; **3.** Jk terbenam (ke dlm lubang dll), terperosok.

perum = *batu* ~ batu penduga; *membuang* ~ menduga laut dll;

memerum membuang perum, menduga (laut dll).

perumpung; *gelagah* ~ sj tumbuhan (spt pokok tebu yg biasa didapati di tepi sungai dll), *Eulia japonica*.

perun timbunan kayu-kayu (daun-daun dll) yg hendak dibakar; *puntung*
~ a) sisa kayu-kayu dll yg sudah dibakar; b) Mn perjamuan yg terakhir bagi pengantin;

memerun membakar saki-baki kayu-kayu (daun-daun dll) bagi kali kedua di tanah yg baru dibuka, membakar timbunan sampah: *sekarang sudah tiba masanya utk ~ dan membersihkan kawasan itu sebelum menanam anak-anak getah; diperun kulambai* Mn habis terbakar;

pemerunan perbuatan memerun (kayu-kayuan dll), pembakaran (sampah dll).

perundung (kain dll) penutup: *lalu dibukanya ~ tempat kuih, disuruhnya Leman mengambil.*

perung Kd kayu yg reput.

perunggu logam drpd campuran tembaga dgn timah putih, gangsa.

perungus pemanas, pemarah.

perunjung ukuran tinggi (dalam) yg sama dgn panjang antara kaki hingga ke hujung jari tangan yg dihulurkan ke atas: *dalamnya kolam ini adalah lebih kurang tiga ~;*

seperunjung, seperunjungan setinggi perunjung.

perupuk I, peruput sj ikan laut, *Pellona spp.*

perupuk II sj tumbuhan (pokok) dlm famili Calastraceae, keruih, tinjau tasik, *Lophopetalum spp.*

perus tidak peramah, bengis (garang, kasar), perungus.

perusa; memerusa sl memaksa, memperkosa, mengganggu, menguasai.

perusah bersusah payah, berusaha bersungguh-sungguh: *telah beberapa hari kami ~ membuat kerja.*

perusat sj tumbuhan (pokok), *Mitrephora macrophylla.*

perusi Jw ark terusi.

perut I **1.** bahagian depan tubuh di bawah dada: *~nya buncit*; *isi ~ a)* kandungan perut (segala-gala yg ada dlm perut besar, usus, dll); *b)* segala perasaan yg terkandung dlm hati (isi hati); *membawa ~* berkunjung ke rumah orang dll utk makan (tidak membawa suatu apa pun); **2.** organ dlm tubuh tempat penghadaman makanan (perut besar dan usus dll): *makanan yg ditelan turun melalui kerongkongan dan dada dan akhirnya ke ~ utk dicerna*; **3.** ki tempat bayi berada (semasa seseorang wanita hamil), rahim, kandungan, peranakan: *apabila sampai ketikanya anak itu lahir dr ~ ibunya dan disusukan oleh ibunya pd masa kecil*; **4.** bk makanan, rezeki: *jikalau kita tidak dapat menyelesaikan perkara ~ kita sendiri, adakah orang lain yg diharapkan?* **5.** sesuatu (bahagian sesuatu) yg rupanya (bentuknya, letaknya, dll) spt perut manusia; *~ daun* bahagian daun (rokok) yg mengandungi tembakau; *~ kapal* bahagian dalam kapal sebelah bawah; *~ kereta* bahagian sebelah bawah kereta; **6.** ark bahagian drpd suku atau bangsa; *buah ~ Mn* orang-orang dlm sesuatu suku (anak cucu yg turun-temurun drpd nenek perempuan); *~ besar a)* alat dlm tubuh yg menyerupai kantung tempat penghadaman makanan; *b)* bp bunting, mengandung; *~ bumi* bahagian bumi sebelah dlm (lwn permukaan bumi); *~ buta = ~ buntu* usus kecil (usus tambahan), *intestinum caecum*; *~ kaki a)* daging di belakang tulang kering (antara belakang lutut dan pergelangan kaki); *~ kapal (perahu)* bahagian kapal (perahu) yg di tengah-tengah; *~ laut* bahagian yg dalam di bawah permukaan laut; *~ muda = ~ panjang = tali ~ usus* (alat pencernaan makanan yg berupa saluran yg panjang berlingkar-lingkar); *~ padi* bahagian batang padi yg besar;

~ *besar, entah anak entah tahi* prb tidak diketahui kekayaan (wang) seseorang itu miliknya sendiri atau tidak; ~ *buncit lama-lama menjadi busung* prb sebelum berlaku sesuatu perkara akan ada tanda-tandanya; ~ *kenyang lapar tak hilang, minum sejuk haus tak lepas* prb perihal orang yg amat susah (tidak dapat dihiburkan); ~ *panjang sejengkal* prb berasa kecewa (gelisah); *mencarikan ~ tak berisi, mencarikan kepala tak bertutup* prb pergi berdagang ke negeri lain utk mencari penghidupan; *tak berkelipat* ~ prb orang yg tidak tahu menyembunyikan rahsia sendiri; *tiba di ~ dikempiskan, tiba di mata dipincangkan, tiba di dada dibusungkan* prb perihal orang yg tidak adil dlm menjatuhkan hukuman (spt kaum kerabat dilepaskan drpd hukuman);

seperut 1. sama-sama dr satu perut; **2.** Mn berkeluarga kerana mempunyai nenek perempuan yg sama;

berperut 1. mempunyai perut, ada perutnya; **2.** berbentuk spt perut (besar pd bahagian tengahnya); **3.** mulai berisi (padi): *padinya sedang muda, sedang mulai ~;*

memeruti mengeluarkan segala isi perut (ikan, ayam, dll): ~ *ikan.*

perut II ark gulungan benang yg kecil.

perut III; ~ *pelanduk* sj tumbuhan (pokok), mayang bukit, nyatuh bunga (kerangan, pipi), *Payena lucida*; *akar ~ gagak = akar kerbau betina* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Byttneria maingayi*; *akar ~ kerbau (kijang)* sj tumbuhan (pokok memanjat), secerek (sejerit) hitam, selempah, *Gnetum campestre.*

perutak sj tumbuhan (pokok menumpang), *Myurmecodia tuberosa.*

peruwa Kl; **memperuwa-peruwa** mengheboh-hebohkan (sesuatu perkara).

perversi (Ubat) kecenderungan yg kuat utk mengamalkan hubungan seks secara tidak normal.

Perwanit Id akronim bagi Persatuan Wanita dan Teruna.

perwara sl gadis yg mengiringi raja (permaisuri): *maka Puteri Nila Pancadi itu pun naiklah ke kapal dgn lima ratus orang ~nya.*

perwatin penghulu adat: *orang Abong tiada lagi akan menggaduh anak buah ~; perbatin; → Batin II.*

perwawai, perwai, perwai-wai pemberitahuan (dgn melaung), pengumuman.

perwira 1. sl berani, gagah: *ia seorang perajurit agung lagi ~; ~ perkasa = gagah ~ gagah perkasa; 2.* sl orang yg gagah berani, pahlawan: *maka oleh segala ~ itu dibawanya keris itu ke barung-barung; 3.* Id pegawai tentera (drpd leftenan muda ke atas): *kerana keberaniannya ia diangkat menjadi ~ pertama dgn berpangkat leftenan dua;*

~ laut pegawai dlm angkatan laut; *~ menengah* pegawai tentera drpd kapten hingga ke brigedier (meliputi mejar, leftenan-kolonel); *~ penghubung* pegawai tentera yg menghubungkan pasukan dll dgn pasukan lain; *~ pertama = ~ rendah* pegawai (pangkat leftenan dan kapten); *~ tinggi* pegawai yg lebih tinggi drpd kolonel;

keperwiraan 1. sl keberanian, kegagahan, kepahlawanan: *riuh-rendah bunyi serdadu kedua-dua belah pihak sama-sama menunjukkan kegagahan dan ~; 2.* perihal perwira.

pes (pés) I 1. campuran cecair dan serbuk yg lembut dan pekat yg mudah dibentuk atau disapu; **2.** (ERT) sediaan makanan, spt daging atau ikan kisar, utk disapu pd roti dsb.

pes (pés) II IB sj penyakit berjangkit yg disebabkan oleh kuman yg dibawa oleh tikus.

pesa alat penggulung kain yg sudah ditenun.

pesai; berpesai-pesai lepas dan bercerai-cerai (tidak lagi melekat atau berpadu), bercerai-berai (pasukan dll).

pesak kulit padi, sekam.

pesak (pésak) kain yg dijahit pd kelangkang atau depan seluar (tempat kancing) atau di bawah ketiak baju;

berpesak ada pesaknya, mempunyai pesak.

PESAKA akronim bagi Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia.

pesam 1. hangat, panas (air dll): pakaian yg *sudah dicuci itu hendaklah dibilas dgn air ~ dan kemudian dgn air sejuk*; **2.** = ~ kuku = panas ~ tidak berapa panas, suam-suam kuku;

memesamkan menghangatkan, memanaskan.

pesan 1. amanat (nasihat, permintaan, suruhan, dll) yg diterima (diteruskan kpd orang lain): *ia teringat ~ ayahnya supaya surat itu jangan diberi kpd tangan orang lain; ada ditinggalkan ~ sebelum ia berangkat tadi*; **2.** amanat (nasihat, wasiat, dll) yg penghabisan drpd orang yg akan meninggal: *emaknya yg baru mati tidak sempat meninggalkan apa-apa ~ kepadanya*; **3.** permintaan barang utk dibeli, tempahan; ~ *dituruti, petaruh dimalami, berserah berkehendak hati* prb mempercayakan sesuatu kpd orang dgn tidak percaya bulat-bulat;

berpesan 1. meminta supaya amanatnya (kehendaknya, nasihatnya, suruhannya, dll) diterima atau diteruskan kpd orang, memberi pesan (kpd): *sebelum ia bertolak ia ~ kpd Kak Loyah supaya menjaga anaknya*; **2.** memberi nasihat (amanat, wasiat, dll) ketika hampir akan meninggal: *sebelum ia meninggal ia ~ beberapa kali supaya Dewi berbanyak sabar dan bertenang*; **3.** membuat permintaan (utk membeli dll barang dagangan), menyuruh membuatkan (menyediakan, mengirinkan), menempah: *“Kek”, katanya ~, sebelum kuih tiba ia minum seteguk; ~ berturut,*

harap ada, percaya tidak prb tidak mempercayai sepenuhnya;

memesan 1. memberi pesan (nasihat, arahan, dll): *sejak dr rumah tadi ia sudah ~ anak-anaknya supaya jangan berenggang jauh*; **2.** meminta supaya dibawakan (dikirim, dibuatkan, dll), menempah: *tidak lama kemudian pelayan tadi muncul pula dgn makanan dan minuman yg dipesan*; ~ tempat menempah tempat;

memesani berpesan (memesan) kpd: *maka kata orang yg dipesan itu, "Baiklah"*;

memesankan 1. memesan kpd; **2.** memesan (barang dll) utk orang: *sudah saya pesankan tuan buku itu*; **3.** meminta (menerusi orang lain) supaya datang dll: *apa maksud ~ saya ke mari?*

pesanan 1. pesan: ~ *ibu tidak akan kami lupakan*; **2.** sesuatu yg dipesan (dipesankan);

pemesanan perbuatan memesan (memesankan);

pemesan orang yg memesan atau menempah (barang dll): ~ *buku diharap akan mengirim wang harganya sekali.*

pesan-pesan sj lipan yg sangat bisa; **sepesan.**

pesantren (pesantrén) Jw sj asrama tempat murid-murid belajar mengaji (membaca Quran dll).

pesara pasar: *di tempat-tempat ~ orang berjual barang-barang.*

pesari (pésari) (Ubat) **1.** sj ubat berbentuk pepejal yg dimasukkan ke dlm faraj dan melebur utk merawat jangkitan dsb; **2.** alat yg dimasukkan ke dlm faraj utk menyokong uterus atau mencegah kehamilan.

pesat I 1. sangat cepat, pantas: *air sungai itu mengalir dgn ~nya*; **2.** berkembang dgn cepat, maju dgn cepat: *mereka mendapat kemajuan ~; perusahaan yg ~;*

memesatkan 1. menjadikan pesat (pantas, cepat); 2. memperkembangkan (memajukan) dgn cepat, melaksanakan (menggerakkan dsb) dgn pesat atau lebih pesat: *keinginan hendak mengeluarkan bahan makanan yg cukup telah membuat kerajaan ~ lagi usaha-usaha mencari benih-benih tanaman yg terpilih; usaha-usaha dan langkah-langkah yg membantu ~ perkembangan bahasa Melayu;*

kepesatan perihal pesat, kemajuan yg pesat: ~ *penubuhan dan pembinaan syarikat-syarikat perusahaan dan kilang akan meringankan masalah pengangguran;*

pemesatan perihal (perbuatan, tindakan dsb) memesatkan: *melalui ~ kegiatan dan kesedaran, pengguna menjadi lebih peka terhadap pergerakan harga barang.*

pesat II; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok renek), *Maesa ramentacea*.

pesawat → **sawat II**.

peseban (peséban) Jw, sl balai tempat menghadap; ~ *agung* balai penghadapan yg besar.

peseh (péséh); *keleseh*-~ = *gereseh*-~; → **keleseh**.

pesek (pésék) penyek, pipih (hidung): *matanya terperosok, hidungnya ~*.

pesemendan Mn segala isteri drpd orang-orang lelaki yg sesuku.

peser (pésér) wang tembaga yg bernilai setengah sen, rini;

sepeser setengah sen, serini: *keadaan kami terlalu melarat, sehingga wang ~ pun ada harganya; ~ buta sesen pun, sedikit pun.*

peseta (peséta) unit mata wang Sepanyol.

pesi ark 1. terlalu sejuk; 2. lesi.

pesimis (pésimis) orang yg bersikap pesimistik.

pesimisme (pésimisme) sikap atau kecenderungan memandang sesuatu itu dr sudut keburukannya (dgn perasaan tidak yakin akan kejayaannya dsb).

pesimistik (pésimistik) bersikap atau berpandangan mudah putus harap (cenderung melihat keburukan sesuatu, segera berasa kecewa atau hilang kepercayaan terhadap sesuatu), lwn optimis: *di dlm bukunya terdapat rasa ~ kerana ia melihat banyak kejelikan dan kepincangan dlm masyarakatnya; orang-orang yg ~ meramalkan kemungkinan berlakunya perang dunia dlm kurun ini.*

pesing bau busuk (bau air kencing), hancing, pering.

pesir Kl; ~ *mata* tidak berkelip-kelip mata (ketika melihat orang dll).

pesirah (Palembang) ketua marga.

pesisir I = **pesisiran** kawasan pantai yg datar dan berpasir.

pesisir II IB **1.** penumpang kapal; **2.** Jk orang yg masuk ke kedai dll untuk membeli (melihat-lihat dll).

peso (pésó) unit mata wang Filipina dan beberapa buah negara Amerika Latin.

pesolot teluk yg kecil (di pantai).

pesona 1. guna-guna, mantera, sihir: ~, *serapah dan pantun hukum diajarkan oleh pawang itu; ilmu ~ ilmu sihir, ilmu guna-guna; kena ~ kena guna-guna (sihir); membuat (mengenakan) ~ kpd mengenakan guna-guna (sihir) kpd; tukang ~ a) tukang (ahli) sihir; b) ark bp pemimpin rakyat (yg kurang jujur); 2. = pesonaan kata-kata jahat utk menyusahkan (mencelakakan) orang, fitnah: *orang yg berhati hasad, dengki serta suka berbuat ~ terhadap orang lain akan menerima balasan Tuhan; fitnah dan ~ sangat menjadi-jadi pd masa itu di kalangan masyarakat kita; segala godaan dan ~ syaitan utk menyesatkan manusia drpd jalan Allah;**

mempesona memikat (menarik) hati, sangat menarik perhatian: *kejelitaannya ~ setiap lelaki yg melihatnya; ia mempunyai suara merdu yg ~;*

mempesonakan **1.** mengenakan pesona (sihir); **2.** mempesona, memikat, menggoda, mengagumkan: *lukisan asli alam Pulau Mutiara ~ dia;*

terpesona **1.** kena pesona (jampi), terpukau (oleh jampi-jampi): *aku seolah-olah ~ dgn segala ucapannya itu sehingga tidak sepatah pun yg dapat kulahirkan;* **2.** sangat tergoda (oleh kecantikan gadis dll), sangat terpikat (tertarik) hati: *penonton-penonton ~ oleh lagu sayu yg sedang mengalun itu;*

kepesonaan perihal (keadaan) pesona: *pengetahuan jenis ini lahir dan berkembang dgn penuh kehairahan dan ~ sehingga sukar disekat;*

keterpesonaan keadaan terpesona: *kekaguman dan ~ orang lain sahaja tidak cukup jika kita tidak dapat memanfaatkan makna yg tersirat di dalamnya.*

pesong (pésong) **1.** belok (ke kanan atau ke kiri), memutar (mengubah) haluan: *kerana itu kemudian ~ ke kiri memasuki suatu lorong;* **2.** ki mengalih (percakapan), mengubah atau menukar (perkara): *apabila ibunya bercakap tentang perkahwinan, Halim cuba ~ ke soal lain;*

memesongkan **1.** membelokkan (ke kiri atau ke kanan), memusingkan, menukarkan haluan: *akar pokok yg menjalar dlm tanah dapat ~ arah pertumbuhannya ke tempat yg ada air;* **2.** ki mengalihkan atau menukar (percakapan, pendirian, dll): *parti itu telah mengambil langkah-langkah mengawal ahli-ahlinya sendiri yg cuba hendak ~ dasar dan tujuan asalnya;*

terpesong menyimpang dr tujuannya (haluannya, sasarannya), menyeleweng: *kalau berlaku apa-apa kesilapan, roket itu akan ~ dan tidak mengenai sasarannya; tiba-tiba percakapannya ~ ke soal lain;*

pemesongan perbuatan memesongkan (kepercayaan, pendirian, dsb): *langkah ini dijadikan senjata bagi menentang ~ akidah;*

pemesong alat yg memesongkan: *kanta ~ sinar matahari.*

pesta (pésta) **1.** kerja dsb menjamu (bersuka ria dll) utk merayakan sesuatu peristiwa, perayaan: *dia selalu pergi menghadiri ~ jamuan yg diadakan;* **2.** kegiatan berupa kempen (promosi, pertandingan, dll) secara bersiri, biasanya secara tahunan, dgn konsep dan tujuan yg tersendiri, festival: *~ buku; ~ makanan;* **3.** perayaan kebudayaan atau keagamaan: *P~ Kaamatan; P~ Gawai;*
~ bola acara mengadakan siri pertandingan bola sepak; *~ buku* kempen membudayakan masyarakat supaya mendampingi, membeli, dan membaca pelbagai bahan bacaan; *~ dansa* perayaan dgn berdansa; *~ filem* pertandingan (pertunjukan) beberapa buah filem; *~ gila* bp perayaan tari-menari dgn orang yg menghadirinya berpakaian anekaragam (bertopeng dll); *P~ Kaamatan* pesta yg dirayakan sbg tanda kesyukuran oleh masyarakat Kadazan Dusun di Sabah dgn memuja semangat padi; *~ kahwin* = *~ nikah* perayaan kahwin; *~ lagu* pertandingan lagu yg mempersembahkan pelbagai tema dan irama muzik (spt jaz, rap, rok, asli, dll); *~ makanan* kegiatan memperkenalkan, menghidang, dan menjual pelbagai recah resipi masakan yg beraneka rasa (spt masakan pedas, manis, masin, dll); *~ ria* acara keramaian utk bersuka ria yg diadakan di tempat lapang dsb, biasanya disertai berbagai-bagai aktiviti lain spt pertunjukan, hiburan, jual beli, permainan dsb;

berpesta, berpesta-pesta bersuka ria (dgn makan-makan, berdansa, dll): *mereka ~ sahaja selepas kejayaan itu; ~ pora berpesta besar (mengadakan perayaan besar-besaran dgn makan minum dll);*

memestakan 1. merayakan (sesuatu peristiwa dll) dgn makan minum dan bersuka ria: *aku tidak pernah berasa perlu utk ~ ulang tahun; 2.* mengadakan pesta utk: *~ anaknya yg baru pulang dr luar negeri;*

pesta-pestaan perihal berseronok-seronok (bersuka ria): *kebudayaan itu adalah suatu yg serius, bukan sekadar riuh-rendah ~.*

pestaka 1. sj kitab ramalan (mantera dll); **2.** = *ilmu* ~ guna-guna, jampi, pesona; **3.** kuasa buruk atau baik yg ada pd keris (lembing dll); → **pustaka.**

pestisid (péstisid) (Kim) racun yg digunakan utk membunuh binatang perosak, spt serangga, tikus dsb, racun perosak.

pesuk 1. lubang kemik, lekuk (pd talam dll): *~ kopiahnya; 2.* tembus, bocor (atap, tikar, dll): *jika tikar ~, barang dua tiga lubang, tiada dipakainya;*

berpesuk-pesuk 1. berlekuk-lekuk, renyuk-renyuk: *~ songkoknya; 2.* berlubang-lubang, bocor-bocor;

memesukkan menjadikan pesuk (kemik), melubangkan: *ada yg ~ dinding, ada yg memanjat pagar.*

pesuruhjaya 1. orang (pegawai) yg dilantik oleh suruhanjaya dll (utk memegang jawatan atau tugas penting); **2.** wakil sesuatu kerajaan yg menjadi ahli persatuan negara (Komanwel dll); *P~ Tinggi* ketua diplomat negara Komanwel di negara Komanwel yg lain.

pet (pét) IB sj songkok atau topi yg bertepi di depan.

peta I **1.** lukisan (gambar) pd kertas dll yg menunjukkan kedudukan negeri, sungai, gunung, dll; **2.** lukisan (gambar) yg menunjukkan kedudukan bintang dll di langit;

~ *angin* peta yg menunjukkan arah peredaran angin; ~ *antarabangsa* peta dunia yg biasanya berskala 1:1,000,000; ~ *bahasa* peta yg menggambarkan daerah bahasa-bahasa tertentu digunakan; ~ *bumi* peta yg khusus menunjukkan tanah (gunung, sungai, dll); ~ *kontur* peta yg dilukiskan dgn garisan-garisan kontur; ~ *kosong* peta yg belum ditandai dgn nama tempat (letak sungai, gunung, dll); ~ *lakar* peta sesuatu kawasan dll yg dilukis dgn secara kasar dan mengandungi hal-hal yg penting sahaja; ~ *laut* peta yg khusus menunjukkan laut (pulau-pulau, aliran ombak, dll); ~ *timbul* peta yg dibuat drpd tanah liat (plastisin) dgn gambaran bukit (gunung, sungai, dll) spt yg terdapat di muka bumi; ~ *topo* peta lengkap sesuatu tempat (yg menunjukkan bandar, jalan, dll);

berpeta berupa peta: *mendedahkan panau* ~-peta di bahu dan di lengannya;

memeta membuat peta;

memetakan **1.** membuat peta tentang sesuatu, menunjukkan kedudukan (keadaan dsb) sesuatu dlm bentuk peta: *sebahagian besar daerah itu masih belum dipetakan*; **2.** menggambarkan, melukiskan: *Nasib Seorang Muda karangan Cikgu Harun* ~ *bagaimana seorang kerani muda yg bergaji kecil hidup*;

pemetaan perihal membuat peta;

pemeta orang yg membuat peta.

peta II jelas, terang; *pandang* ~~~ pandangan dgn terang.

peta III Jk = **petaan** gerakan tangan (mata dll) utk memberi isyarat dll.

peta IV; sl ~-ratna; → **peterana**.

PETA Id akronim bagi Pembela Tanah Air (tentera simpanan pd zaman pemerintahan Jepun).

petah (pétah) = ~ *lidah* pandai berkata-kata, lancar pertuturannya, fasih, petes: *engkau memang bijak berkata-kata, ~ berperibahasa;*

memetahkan; ~ *lidah* berlatih berkata-kata;

kepetahan perihal petah, kefasihan, kepetesan.

petai sj tumbuhan (pokok dan buahnya, bijinya berbau haring), *Parkia speciosa*; ~ *belalang* = ~ *laut* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), dendulang, *Desmodium umbellatum.*; ~ *jawa* = ~ *belanda* = ~ *tiga bulan* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Leucaena glauca*; ~ *kerayung* sj tumbuhan (pokok dan buah), sungga, *Albizzia pedicellata*;

sbg ~ sisa pengait prb tidak berguna sama sekali; *kulai-balai bagai ~ sisa pengait* prb seseorang yg lemah-lembut tingkah lakunya; *menjual ~ hampa* prb bercakap yg bukan-bukan, omong kosong.

petak Jk; ~ *kadal* sj permainan kanak-kanak dgn menggunakan bilah buluh; ~ *umpat (umpet)* bermain saling mencari (bercari-carian).

petak (pétak) I **1.** ruang yg disekat-sekat atau bersekat-sekat: *dlm ~ tempat simpan barang-barang itu polis menjumpai geran motokar itu;* **2.** bilik (kamar) kecil: *api yg membakar buritan kapal itu menyala terus dan menjalar pula ke dlm ~-~ kapal;* **3.** sebidang sawah yg disempadani dgn batas (permatang), piring; **4.** bahagian sawah dll tempat menyemai (menanam): *manakala anak padi itu telah lebih kurang 15 sentimeter tinggi, anak padi itu pun diubah ke dlm ~-~;*

berpetak-petak **1.** beberapa (banyak) petak: ~ *tanaman padi musnah akibat banjir itu;* **2.** terbahagi kpd beberapa petak;

memetak-metakkan membahagikan atau mengasingkan kpd atau mengikut kumpulan (bidang, pengkhususan dsb) tertentu: *ini mungkin merupakan langkah pertama utk membebaskan bidang keilmuan drpd dipetak-petakkan.*

petak (pétak) **II** Jw belang putih di dahi kuda; *kuda* ~ kuda yg berbelang putih pd dahinya.

petak (pétak) **III**; *burung* ~ sj burung, lanting, selanting, *Rhizothera l. longirostris.*

petaka sl bencana, kecelakaan, kesengsaraan, kesusahan: *bantuan utk menghadapi masalah ~ alam spt kemarau.*

petal Jw; **memetalkan** menekankan sesuatu (pd), menangkap.

petala I 1. sl lapis, susun(an), tingkat(an); *tujuh ~ bumi* tujuh bahagian (daerah) bumi; *tujuh ~ langit* tujuh tingkat (lapis) langit; **2.** (Fiz) bahagian di keliling nukleus sesuatu atom yg mengandungi elektron dgn jarak aras tenaga tertentu; ~ *valens* (Fiz) petala yg paling luar sekali pd sesuatu atom.

petala II; ~ *bumi* a) sj tumbuhan (pokok), *Eurycoma longifolia*; b) sj tumbuhan (pokok memanjat), *Santaloides floridum.*

petalangan ark sj dusun kecil di hutan; → **talang V.**

petaling = ~ *air* = ~ *bukit* = ~ *merah* = ~ *misu* = ~ *padi* sj tumbuhan (pokok yg boleh dibuat tiang dan buahnya boleh dimakan), mentalin, *Ochanostachys amentacea*; ~ *air* sj tumbuhan (pokok), *Homalium caryphyllaceum*; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok), *Homalium longifolium*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), *Homalium friffithianum*; ~ *tanduk* sj tumbuhan (pokok), *Aporosa prainiana.*

petam sj penutup atau pembalut dahi pengantin.

petamari sl sj perahu yg laju dan bertiang satu atau dua.

petan sj ikan darat, *Osteochilus brachynotopterus.*

petang I waktu selepas tengah hari (mulai dr matahari turun hingga matahari masuk), sore, lwn pagi: *matahari terbit lebih kurang pd pukul 6 pagi dan masuk lebih kurang pd pukul 6 ~; hari sudah ~; ~ esok* waktu petang pd hari esoknya; *~ semalam* waktu petang pd hari semalam; *besok ~ a)* petang esok; b) = *besok ~nya* petang yg berikutnya; *~ Sabtu malam Ahad* Sabtu malamnya sebelum Ahad; **sepetang-petangan** selama (seluruh) waktu petang, sepetang suntuk;

memetang-metangkan; *~ hari* Mn membuang-buang masa dgn berbual-bual dll;

kepetangan mengalami (menempuh) petang, kena petang;

pemetang-metangkan; *~ hari* Mn perintang-perintang masa.

petang II; kepetangan 1. sl sj mata-mata: *sembah ~ itu, "Apa daya kula menyendal dia kerana Melayu ini berkeris di hadapan?"*; **2.** pandai membuat helah (tipu muslihat), cerdik, licik: *perajurit yg ~.*

petap; memetap mengeringkan air di badan dgn kain dll, mengelap: *selepas mandi ia ~ dgn tuala.*

petaram sl sj keris kecil yg dipakai oleh perempuan.

petarang; *pukat ~ sj pukat besar.*

petarangan tempat ayam bertelur (mengeram), sangkak, terak, tarang.

petas I; *beras ~ berbagai-bagai jenis beras.*

petas II; petasan mercun: *di sana sini kedengaran suara letusan, seolah-olah bunyi ~ di malam hari raya layaknya.*

petat Kl jamah, raba.

petaya; *bunga ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar sagu paya, akar urat-urat, Dalbergia stercoracea.*

peteh (pétéh) Tr **1.** banyak bercakap, petes: *budak ini sungguh ~;* **2.** tendang pd kaki (betis), bentes: *jangan ~ orang apabila main bola.*

petek (péték), **petek-petek** sj ikan laut.

petekat sj tumbuhan (pokok), nona burung, *Cordia dichotoma*.

petekia (pétékia) (Ubat) bintik-bintik perdarahan yg kelihatan pd kulit.

peteng Jw; **kepetengan** mata-mata kampung; → **petang II**.

petentengan (peténténgan) Jw bersikap terlalu sombong atau angkuh.

peterana sj tempat duduk utk orang yg dihormati (raja, mempelai, dll).

peteras bongkak, pongah, sombong.

petes (pétés) petah bercakap (kanak-kanak); ~ *mulut* peteh lidah.

peti I sj kotak yg besar dan bertutup (dibuat drpd kayu dll);

~ *besi* peti yg kukuh drpd besi tempat menyimpan barang-barang berharga; ~ *gewang* sj peti yg dihiasai dgn intan permata (mutiara dll); ~ *jenazah* (*mati, mayat*) peti utk menanam orang mati, keranda; ~ (*me*)nyanyi = ~ *bicara* (*ngomong*) bp mesin bicara, gramofon; ~ *pekak* = ~ *wang* peti (tabung) tempat menyimpan wang; ~ *radio* radio; ~ *sejuk* = ~ *ais* (*air batu*) peti penyejuk utk menyimpan sayur-sayuran (ikan dll) supaya tahan lama dll; ~ *suara* bahagian kerongkong tempat mengeluarkan suara; ~ *surat* peti (kotak) tempat surat (bernombor dan ditempatkan di pejabat pos); ~ *undi* peti berkunci dan bermeterai tempat para pengundi memasukkan kertas undi setelah memangkah calon pilihan masing-masing dlm sesuatu pilihan raya dll;

berpeti-peti beberapa buah peti.

peti II; *ikan* ~ sj ikan laut, *Ostracon spp.*

petia; **memetia**, **memetiakan** memerhatikan: *cuba petiakan betul-betul*.

petiban; ~ *sampir* hadiah pengantin.

petik; **memetik 1.** mengambil (buah, bunga, pucuk, dll) drpd tangkainya: *telah sudah bermain-main itu, lalu ia pun pergi pula*
~ *bunga mengarang kuntum; buah-buahan itu dipetik dan kemudian dibawa dgn lori ke kilang-kilang*; **2.** mengambil atau

menyalin sebahagian drpd isi buku (karangan dll), menukil: *dlm ucapan dan syair orang Arab banyak menggunakan kalimat-kalimat dan perbandingan-perbandingan kata yg dipetik drpd Quran*; **3.** bermain gitar (kecapi dll) dgn menggamit talinya: *ia bernyanyi sambil ~ gitar*; **4.** menarik picu senapang dll dgn jari, menarik tali panah dgn jari; **5.** merapatkan dan menggesekkan ibu jari dgn jari lain supaya mengeluarkan bunyi: *barangkali inilah kunci rahsia itu, Lebai Dusun menjegil-jegilkan mata dan ~ jari dgn riang*; **6.** menekan (memusing) suis lampu dll yg menggunakan kuasa elektrik: *dia membuka tingkap, ~ kipas angin dan ~ lampu kerana bilik itu agak muram sedikit*; **7.** memilin atau memintal misai dgn menggunakan dua jari; **8.** menghisap rokok dll dgn menyelitkan rokok itu di antara dua jari; ~ *bola* melompat sambil menangkap (memukul) bola; ~ *hasil* mengutip hasil;

memetiki memetik berulang-ulang;

memetikkan memetik utk orang;

terpetik telah dipetik, tergamit, terkutip, terpintal, tertekan;

petikan **1.** hasil (pendapatan) memetik; **2.** = **pemetik** picu senapang dll; **3.** = **pemetik** suis lampu elektrik; **4.** kutipan, nukilan; ~ *api* alat utk memasang rokok;

pemetikan perbuatan memetik;

pemetik **1.** orang yg memetik; **2.** petikan.

petilan Jw sebahagian drpd cerita lakon (pertunjukan) wayang orang dll.

peting; memeting menjentik; ~ *kapas* mengasingkan kapas drpd bijinya, membusur kapas;

terpeting-peting Kd berjalan berlenggang-lenggok (utk menunjuk-nunjuk).

petinggi ark ketua kampung, lurah.

petiol (pétiol) (Bio) tangkai yg menyambungkan daun pd batang.

petir sj bunyi guruh yg kuat (biasanya disertai kilat), geledek; ~ *tunggal* petir yg amat kuat dan berbunyi dgn tiba-tiba; *mata (panah)* ~ halilintar, kilat; *disambar (ditembak)* ~ terkena panahan api (elektrik) petir; *bagai kilat senja, bagai* ~ *tunggal* prb tangkas sikap dan kuat bunyi suaranya (pahlawan dll);

memetir, memetir-metir mendegam-degam, menggeledek (suara dll).

PETIR akronim bagi Parti Tindakan Rakyat (Singapura).

petis sj bahan penyedap rasa makanan (spt laksa, rojak, dsb) yg dibuat drpd kentalan air udang, otak udang.

petisi IB (surat) permohonan yg dihantar kpd pemerintah.

petisyen (pétisyen) **1.** surat permohonan atau rayuan (biasanya ditandatangani oleh sekumpulan orang) kpd pihak berkuasa utk meminta sesuatu pertimbangan: *mereka menandatangani tiga* ~ *tentang soal-soal persekitaran*; **2.** permohonan rasmi kpd mahkamah supaya sesuatu tindakan kehakiman dapat diambil;

pempetisyen orang yg mengemukakan petisyen: *dlm kes ini, pihak* ~ *telah membentangkan beberapa kes utk menyokong hujahnya.*

petitih Mn pepatah, peribahasa.

petit Kl belang, bunga;

berpetit-petit berwarna-warni: *tikar-tikar itu dianyam* ~ *supaya dapat dijual dgn harga yg mahal.*

petola I = ~ *hutan* = ~ *sagi* = ~ *sanding* sj tumbuhan (herba memanjat dan buah), *Luffa acutangula*; ~ *buntal* = ~ *manis* sj tumbuhan (herba memanjat dan buah), *Luffa cylindrica*; ~ *ular* sj tumbuhan (pokok memanjat), ketola ular, timun bengkok, *Trichosanthes anguina*; **ketola.**

petola II; *kain* ~ sj kain cindai.

petopan tempat bermain judi, penjudian.

petor (pétor) sl pengawas atau penolong residen.

petot Kd pendek.

petro- (pétro) *awalan asing* **1.** berkaitan dgn petroleum, mis *petrokimia*;
2. berkaitan dgn batuan, mis *petrologi*.

petrodolar (pétrodolar) wang dlm nilai dolar Amerika yg diperoleh oleh negara pengeksport petroleum.

petrografi (pétrografi) cabang petrologi yg berkaitan dgn komposisi, struktur dan pengelasan batuan.

petrokimia (pétrokimia) bahan kimia yg terhasil drpd sumber petroleum dan gas asli: *bahan ~*.

petrol (pétrol) cecair mudah terbakar yg diperoleh drpd petroleum dgn proses penapisan dan digunakan sbg bahan api utk menjalankan enjin.

petroleum (pétroléum) sj minyak yg didapati dr dlm tanah dan digunakan utk menghasilkan petrol, parafin, dan berbagai-bagai bahan kimia.

petroliam (pétroliam) → **petroleum**.

petrologi (pétrologi) kajian tentang asal usul, komposisi, pembentukan, struktur dsb batuan.

Petronas (pétronas) akronim bagi Petroliam Nasional Berhad.

petua nasihat, petunjuk, atau panduan yg berguna (biasanya oleh orang tua-tua atau yg berpengalaman) tentang cara melaksanakan atau mencapai sesuatu dgn berkesan: ~ *awet muda*; *betapa banyak ~ dukun kuturuti*;

berpetua memberi petua (nasihat): *pandai pula engkau ~, pandir*;

dipetuakan **1.** digunakan sbg petua; **2.** dianjurkan, dinasihatkan.

petuk Jw ark surat sbg tanda penerimaan sesuatu.

petung Kl baling, buang, lontar.

peturun; *harimau* ~ harimau kumbang.

petus petir, halilintar; ~ *tunggal* petir tunggal, petir yg berbunyi kuat dgn tiba-tiba; *sbg* ~ *tunggal* sangat mengejutkan (memeranjatkan).

petut I ark lumpuh, lemah, tepuk.

petut II Tr; **memetut** memburu, menghambat.

petutu I sj ikan, betutu.

petutu II; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), *Adinandara macrantha*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok), *Hibiscus florcosus*.

peweng Tr bengkok: *kenapa pengayuh basikal tu ~?*

peyot (péyot) Jw ark herot, bengot.

PGB kep Panglima Gagah Berani (pingat keberanian yg dianugerahkan kpd pegawai-pegawai dll dlm angkatan bersenjata).

Pgh. kep Pengarah: ~ *Pentadbiran dan Operasi*.

pH (Kim) ukuran tentang keasidan atau kealkalian sesuatu larutan dgn skala antara 0 hingga 14, iaitu pH 7 menunjukkan larutan yg neutral, kurang drpd pH 7 menunjukkan larutan berasid, dan lebih drpd pH 7 menunjukkan larutan beralkali.

PhD kep *Doctor of Philosophy* (Doktor Falsafah).

pi I bp pergi.

pi II C taruhan dlm permainan judi; *main* ~ berjudi dgn membayar taruhannya kemudian.

pi III C sj kura-kura yg kecil di sungai dll, bulus.

pi (pai) **1.** huruf ke-16 abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Π, π ; **2.** (Mat) nombor asas dlm matematik (bernilai $22/7$ atau 3.142) yg merupakan nisbah lilitan sesuatu bulatan terhadap garis pusatnya.

piadah sl buah catur yg di depan, bidak.

piagam 1. surat rasmi yg menyatakan pemberian hak atau tanah dll (tertulis pd batu, logam, dll); **2.** surat atau tulisan rasmi yg mengandungi pernyataan dan persetujuan tentang sesuatu (dasar

dll): ~ *BB itu dibentuk oleh negara-negara anggota BB sendiri*; **3.**
ark diploma, ijazah;

memiagamkan menentukan (menyatakan) sesuatu dlm piagam.

piah; *rempah*-~ berbagai-bagai jenis rempah.

piai = ~ *lasu (raya) = umbi* ~ sj tumbuhan (paku-pakis), kerakas, paku
tai, pebisi, *Acrostichum aureum*.

piak I herot; → **piat I**.

piak II; **berpiak** berbunyi *piak-piak*: *aku dengar bunyi rotan* ~.

piak III Kl; **sepiak** sekacip (pinang), secarik (kertas dll); ~ *pinang*
sebentar sangat, sekejap benar.

pial I copeng merah yg lembut pd dagu (telinga) ayam dll.

pial II; **berpial-pial** berpilin-pilin spt dipulas, berpiuh-piuh;

memial memulas: *anaknya pula jadi spt budak-budak baru masuk*
yg pernah ditengking dan dipial telinganya.

piala sj cawan yg berkaki dan diperbuat drpd perak atau emas dll (utk
minuman, hadiah sukan, dll);

~ *hati ki batin, kalbu*; ~ *pusingan (bergilir)* piala yg pd tiap-tiap
tahun diperebutkan dlm pertandingan.

pialang perantara dlm jual beli, cangku;

berpialang membeli dgn perantara cangku.

pialing sj burung serindit, perling, serindit gajah, *Psittinus c. cyanurus*.

pialu sj tumbuhan (pokok renek), sepucat pelanduk, *Orophea setosa*;
akar ~ sj tumbuhan (akar yg berteras dan memanjat), akar
berumat, akar kuayah, jendereh, jenderus burung, kabau, *Derris*
thysiflora.

piama I IB sj baju dan seluar utk waktu tidur, pijama.

piama II = *musim* ~ musim yg baik utk memulakan penanaman padi,
musim hujan; *awal* ~ permulaan musim hujan; *sayup* ~ akhir
musim hujan; *semasak buah* ~ genap satu musim dlm setahun.

pian I sj tumbuhan (pokok) medang biawak, melidah, kahwa-kahwa, salang rusa, tinjau laut, *Alangium uniloculare*.

pian II Kl, Tr musim, perian: ~ *buah-buahan*.

piang I ark → **biang I**.

piang II ark sj kuih dibuat drpd ketan (pulut);

memiang memasak piang.

piang III pengawal, penjaga: *maka ~ dan merinyu pun selalu menangkap orang yg mabuk itu*.

piang IV Pr; **berpiang-piang** berpusing-pusing.

pianggang sj belalang kecil yg memakan dan merosakkan buah padi, denangau, walang sangit, *Leptocoriza varicornis*.

pianggu 1. sj tumbuhan (pokok renek), *Clerodendron umbratile*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Horsfieldia irya*; **3.** sj tumbuhan (pokok), *Myristica elliptica*;

~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), *Ficus consociata*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), *Pellacalyx axillaris*.

piano alat muzik yg dimainkan dgn menekan mata hitam atau putih pd papan kekunci, menyebabkan tukul-tukul kecil mengetuk tali logam utk menghasilkan not yg berbeza.

piantan ark **1.** waktu tertentu bila umumnya berlaku sesuatu: *sewaktu ~ memasak-masak tiba dia ke dapur menolong isterinya*; *bukan ~ bukan masa atau musimnya*; ~ *demam* waktu yg selalunya demam datang; ~ *hujan* musim hujan yg biasa berlaku; **2.** Id sehari semalam (24 jam).

piara pelihara, bela; *anak* ~ anak orang lain yg dibela dr kecil, anak angkat;

memiara memelihara, membela; ~ *ayam*; ~ *misai*; ~ *isteri* mempunyai isteri;

terpiara terpelihara, terbela;

piaraan **1.** sesuatu yg dipelihara (ayam, kucing, dll); **2.** = *bini* ~ perempuan simpanan, gundik;

pemiaraan perihal (perbuatan atau usaha) memiara, pemeliharaan: ~ *ayam telur*.

piarit sj serampang atau seruit yg mempunyai dua mata; *lurus bagai* ~ prb rupanya saja baik tetapi hatinya jahat.

piartrosis (Ubat) pembentukan nanah di dlm sendi.

pias I ark **1.** bidang-bidang tikar mengkuang dll yg dijahit menjadi layar; **2.** lajur, jalur.

pias II percikan (air hujan dll); → **tempias**.

pias III sj ikan laut, selangat, *Dorosama chacunda*.

piasau Br kelapa, nyiur.

piat I piuh, herot, bengkok; **piak I**.

piat II; memiat 1. memial, memulas; **2.** Kl pukul, sebat (dgn benda kecil spt lidi, rotan, dll).

piat III; ~-*piut* anak cucu atau keturunan yg sudah terlalu jauh.

piat IV sj tumbuhan (pokok), bebuas, sarang burung, *Premna tomentosa*.

piatu 1. tiada beribu dan tiada berbapa: *anak* ~; *rumah* ~ rumah tempat memelihara anak-anak piatu; **2.** sl tidak mempunyai sanak-saudara; *dagang* ~ orang asing yg tidak mempunyai sanak-saudara; *rimba* ~ sl rimba besar;

kepiatuan sl hidup bersendirian (tiada beribu bapa atau tiada bersanak-saudara), tersendiri.

piawai Mn **1.** cekap, pandai, pintar: *seorang jurutenung yg ~ telah pernah meramalkan hal ini*; **2.** betul, tepat (timbangan, waktu, dll); *bungkal* yg ~ a) anak timbangan yg betul; b) ki keputusan (pertimbangan) yg adil; **3.** yg (telah ditetapkan utk) menjadi asas bagi penentuan atau penilaian sesuatu (spt ukuran, timbangan, mutu, dll), dasar (asas) yg sah: *suhu* ~; *sukatan* ~; *waktu* ~;

memiawakan menjadikan sesuatu (kualiti barangan, sistem, dsb)
piawai: *bank data harus mencakup istilah yg dipiawakan;*

terpiawai sudah atau telah dipiawakan: *pakar-pakar psikiatri telah mula menggunakannya dlm bentuk ujian personaliti yg ~;*

piawaian asas (rujukan dsb) utk penentuan sesuatu (spt timbangan, mutu, dll): *Malaysia memerlukan satu sistem ~ yg kemas kini;*

kepiawaian kecekapan, kepintaran: *lalu hilang pulalah ~nya sbg perjaka perkasa;*

pemiawaian perbuatan memiawakan.

PIBG kep Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

pic I 1. sj pokok yg mempunyai bunga berwarna samar dan buahnya bulat dan boleh dimakan, *Prunus persica*; **2.** = buah ~ buah drpd pokok pic yg bulat, berkulit kekuningan, dan isi yg manis; **3.** warna kuning kemerah-merahan spt warna buah pic yg masak.

pic II (Muz) darjah tinggi atau rendahnya nada suara (bunyi).

pica Mn = **terpica** lalai, lengah, meling;

memicakan melalaikan, melengahkan.

picagari sj alat utk menyedut cecair dan memancutkannya ke tempat lain;

memicagari menyedut, menyuntikkan dsb cecair dgn picagari.

picahbeling sj tumbuhan (herba yg daunnya digunakan sbg ubat penyakit kencing manis dll), *Strobilanthes crispus*.

pici peci, kopiah.

picik 1. tidak lebar (luas), sempit: *kamar yg ~ lagi kotor*; **2.** tidak luas, sempit, cetek (pandangan, fikiran, pengetahuan, dll): *bertambah-tambah pula ~ pengetahuanku dlm ilmu mengarang*; **3.** sempit, susah (wang, penghidupan, dll): *kalau kita sesak dan ~ wang, tidak ada siapa boleh memberi*; **4.** Jk tidak boros, cermat, hemat;

memicikkan menyempitkan, mengurangkan, dll;

kepikiran perihal picik (tempat, pikiran, wang, dll): *pd masa ~ wang ia akan menanti di lorong-lorong yg gelap utk merompak.*

picing Mn pejam;

sepicing sekelip (mata), sebentar, sekejap: *Rosnah belum dapat tidur walau ~ pun;*

berpicing memejamkan mata;

memicingkan memejamkan mata, tidur: *semalam-malaman aku tidak dapat ~ mataku;*

terpicing terpejam (matanya), tertidur: *dipandangnya muka Azimah dgn mata yg separuh ~.*

picis Id wang yg bernilai 10 sen, ketip, pitis;

sepicis seketip;

picisan **1.** wang ketip; **2.** tidak berharga, rendah mutunya: *apabila orang kata mahasiswa hanya suka membaca majalah hiburan bebas dan buku-buku ~, mahasiswa diam; roman ~ roman yg murah harganya (roman yg rendah mutunya).*

picisan sj tumbuhan (pakis), pakis duitan, paku duitan, sakat ribu-ribu, sisik naga, *Drymoglossum heterophyllum.*

picit; *lampu ~* lampu suluh yg dinyalakan dgn menekan tombolnya; *tukang ~* tukang urut;

memicit memecal, memijit, mengurut: *ia ~ hon; Hendon ~-micit dahinya beberapa kali;*

terpicit **1.** tertekan; **2.** terurut;

picitan pijitan, tekanan, urutan.

picu pemetik (pistol, senapang, dll);

memicu menarik atau memetik picu pistol, senapang dsb.

picung sj tumbuhan (pokok renek), buah keluak, (ke)payang, kapecong, simaung, *Pangium edule.*

pidal Kl, Tr tidak mahu membayar hutang.

pidana Id kejahatan, kesalahan jenayah;

hukum ~ = undang-undang ~ undang-undang bkn perbuatan-perbuatan jenayah; perkara ~ perkara (kes) jenayah; tindakan (perbuatan) ~ perbuatan yg dianggap sbg jenayah; kitab undang-undang hukum ~ buku undang-undang yg menyatakan hukuman-hukuman jenayah.

pidato 1. ucapan yg disampaikan kpd khalayak ramai: *lebih drpd itu ia dapat juga diakui sbg seorang ahli ~ yg mempunyai bakat istimewa;* **2.** ark ceramah yg membicarakan sesuatu perkara;

berpidato menyampaikan pidato: *dia memang sudah biasa ~; kemahiran ~;*

mempidato memberi pidato kpd, berpidato kpd: *aku ~ perkumpulan pemuda pd waktu malam;*

mempidatokan membincangkan dlm pidato;

pemidato orang yg berpidato.

pidi Jk; **memidi** mengarahkan (guli dll) ke, membidik, menuju.

pigi bp pergi.

pigimana Id, bp bagaimana.

pigmen 1. (Bio) bahan berwarna yg terdapat dlm tisu tumbuhan atau haiwan; **2.** (Kim) sebarang bahan yg dapat mewarnai bahan lain.

pigmentasi (Bio) warna asli yg kelihatan (terdapat) pd tumbuhan dan haiwan (termasuk manusia).

pigmi I orang atau binatang yg kerdil.

Pigmi II suatu puak yg terdiri drpd orang-orang kerdil di Afrika dan beberapa bahagian Asia Tenggara.

pigura → **figura**.

pihak 1. belah, sisi: *~ atas; ~ bawah; ~ kanan; ~ kiri;* **2.** arah, hala, jurusan: *beberapa ekor kera yg besar datang dr segenap ~*

mengelilinginya; **3.** salah satu drpd dua kumpulan (golongan) orang yg berlawanan dlm peperangan (permainan, politik, dll): *tidak diketahui ~ mana kawan dan ~ mana lawan*; **4.** termasuk dlm kumpulan (golongan) yg berlawanan: *nanti akan nyata siapa ~ kawan dan siapa ~ lawan*; **5.** hal, perkara; *pd ~ bkn hal*;
~ berikat = ~ bersekutu negara-negara yg bersekutu dlm perang dunia kedua (Amerika Syarikat, Inggeris, dan Perancis); *~ berkuasa* golongan atau orang yg mempunyai kuasa, pemerintah;
~ berkuasa tempatan badan yg bertanggungjawab mentadbir dan mengurus kemudahan awam di sesebuah daerah, bandar dsb, mis Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya dsb; *~ kedua* orang (yg kedua) yg disebutkan kemudian dlm perjanjian; *~ ketiga* a) orang lain yg tidak serta dlm perjanjian; b) golongan lain yg tidak berpihak dlm persengketaan (peperangan dll); *~ pertama (kesatu)* orang (yg pertama) yg disebutkan dahulu dlm perjanjian; *~ sana* kumpulan orang dll yg termasuk pihak lawan dll; *~ sini* kumpulan orang dll yg termasuk pihak kita;

sepihak sebelah (pihak), satu sisi; *pembatalan ~ pembatalan drpd satu pihak sahaja* (perjanjian dll);

berpihak, memihak menyebelahi salah satu pihak, memasuki salah satu kumpulan (golongan): *dia tidak ~ ke mana-mana*; *ia memujuk saya supaya memihak kepadanya*;

berpihak-pihak berpisah-pisah menjadi beberapa pihak, berasing-asing, bercerai-cerai;

memihakkan **1.** memasukkan dlm salah satu pihak; **2.** menceraikan menjadi beberapa pihak; **3.** mengesampingkan, menyisikan;

pemihakan perihal memihak pd sesuatu kumpulan (aliran): *sumbangan utama al-Ghazali sebenarnya terletak pd ~nya kpd kelompok antifalsafah.*

pihit Br; **memihit** menekan, menghempap, menindas;

terpihit tergelek, tergilas, tertindas.

pijak; pijak-pijak alat yg digerakkan dgn kaki (pedal basikal dll), injak-injak;

berpijak 1. bertumpu dgn kaki (pd), berdiri (di), berjejak (di): *dia turun dr kereta api dan ~ di tanah; tempat ~ tempat berdiri (berada); tidak ~ di tanah* ki terlampau tinggi angan-angan; **2.** ki bertumpu (pd), berasas (pd): *karya yg terpisah drpd tradisi kebudayaan dunia dan tidak juga ~ pd tradisi sendiri;*

memijak meletakkan kaki pd, menginjak: *apabila dilangkahkannya kakinya ~ darat maka meriam pun dipasanglah; ~ kepala (orang)* menghina orang;

memijak-mijak memijak berkali-kali, menginjak-injak: *dia ~ tanah di keliling rumput itu supaya kejap;*

memijakkan meletakkan (menumpukan) kaki pd, menginjakkan kaki pd; *~ tanah* istiadat pd mula-mula kanak-kanak meletakkan kaki di tanah, turun tanah;

terpijak memijak dgn tidak sengaja; *~ bayang-bayang = matahari* ~ tepat waktu tengah hari;

~ benang arang, hitam tapak prb berbuat jahat jahatlah balasannya; *~ di bara panas* prb sangat gelisah; *~ di tanah kapur putih tapak, ~ di tanah arang hitam tapak* prb perbuatan baik, baiklah akibatnya, perbuatan jahat, jahatlah akibatnya;

pijakan perbuatan memijak;

pemijak; *~ kaki* a) tempat berpijak (memijak); b) injak-injak, sanggurdi; c) telapak kaki; *~ tanah* turun tanah.

pijama baju dan seluar longgar yg dipakai utk tidur biasanya oleh orang lelaki.

pijar I **1.** merah menyala kerana terbakar (logam); **2.** pecahan logam yg menyala; *besi* ~ besi yg merah menyala waktu ditempa; *lampu* ~ lampu elektrik yg berisi dawai menyala; *mangkuk* ~ bekas yg digunakan utk membakar logam; **3.** berasa seakan-akan panas kulit kerana lama memegang cili (terutamanya cili yg sudah ditumbuk); **4.** panas betul (minyak): *lumuri daging dgn rempah dan goreng dlm minyak yg telah* ~;

berpijar-pijar berapi-api spt pijar;

memijar **1.** membakar (logam) sehingga lembut; **2.** ki mengeluarkan bahang (kepanasan): *di ufuk barat, matahari menghantarkan sinarnya yg tak lagi* ~;

memijarkan membakar besi (logam) utk menjadikan pijar.

pijar II, pijar-pijar sj damar utk menghancurkan pateri.

pijat I; memijat memicit, memijit.

pijat II, pijat-pijat sj kutu yg busuk baunya, kepinding, kutu busuk;

kerana ~ *mati tuma* prb mendapat kesusahan kerana bersahabat dgn orang jahat; *marahkan* ~ *kelambu dibakar, tidur terdedah* prb kerana takutkan bahaya yg kecil keuntungan yg besar dibuang akhirnya diri sendiri yg merana; ~ *menjadi kura-kura* prb orang kecil (hina) menjadi orang besar (mulia).

pijat-pijat; ikan ~ sj ikan laut, *Scolopsis vosmeri*.

pijau Pr demam dgn sangat panas.

pijin (Lin) bahasa yg terdiri drpd campuran unsur dua atau lebih bahasa lain yg digunakan apabila penutur yg berlainan bahasa berkomunikasi antara satu dgn yg lain.

pijit; tukang ~ tukang urut;

memijit **1.** menekan dgn jari, memecal, memencet, memicit; **2.** = **memijit-mijit** mengurut (badan dll);

terpijit terpecah, terpecah, terurut; → **picit**.

pik kep pikul (ukuran berat yg besarnya 100 kati).

pika I unit cetakan bagi saiz taip yg bersamaan dgn 12 poin (lebih kurang 4.21 mm).

pika II (Ubat) keinginan dan tabiat memakan bahan bukan makanan (spt rambut dan pasir), yg biasanya dialami oleh wanita mengandung, pesakit histeria, dan kanak-kanak yg mengalami malnutrisi.

pikalili jeruk pedas drpd sayur-sayuran yg dipotong dan dicampur dgn rempah dan mustard.

pikap **1.** van atau trak kecil yg badannya terbuka dan tepinya rendah utk digunakan sbg pengangkutan ringan; **2.** bahagian pemain rekod yg mempunyai lengan dan jarum di hujungnya; **3.** bp kebolehan utk memecut: *kereta tua ini sudah tidak ada ~*.

pikares (pikarés) (Sas) berkaitan dgn cereka pengembaraan yg menarik tentang seorang hero yg walaupun berupa seorang penyangak tetapi disukai: *novel ~*.

pikat I; memikat **1.** menangkap burung dll dgn menggunakan burung lain yg jinak, menjebak: *berburu kerbau jalang, dan ~ ayam hutan*; **2.** memerangkap (musuh dll), memancing: *tingkap itu sengaja dibuka utk ~ pencuri masuk*; **3.** melakukan sesuatu supaya seseorang (sesuatu) tertawan atau tertarik hati: *seorang anak muda mata keranjang telah ~ Minah*; *~ hati* memujuk-mujuk dan menarik-narik hati: *lagu-lagu Minang moden makin ~ hati pendengar*;

terpikat kena pikat, tertarik (hati): *aku segera ~ oleh seluruh gerak-gerinya*;

pikatan burung (orang dll) yg telah dipikat;

pemikatan perihal (proses atau perbuatan) memikat: *pepatung jantan terbang ke arah papatung betina dlm proses ~;*

pemikat 1. orang yg memikat; **2.** burung (orang dll) yg digunakan utk memikat; ~ *hati* penarik (penawan) hati.

pikat II sj lalat besar yg mengerumuni (kerbau, lembu, dll), langau; *pening* ~ pening yg tidak kuat; *spt* ~ *kehilangan mata* prb bingung tidak tentu arah (kehilangan akal).

pikau I; berpikauan menjerit-jerit dgn tidak tentu arah (kerana takut dll);

terpikau-pikau kebingungan dan menjerit-jerit dgn tidak tentu arah: *maka terkejutlah segala Bugis di dlm kubu itu ~.*

pikau II sj burung, burung puyuh, *Excalfactoria c. chinensis*.

pike (piké) IB; *kain* ~ sj kain cita halus.

piket (pikét) I mogok dgn menghalang orang lain bekerja (mengajak orang lain jangan bekerja): *buruh kilang itu akan mengadakan ~;*

berpiket mengadakan piket.

piket (pikét) II IB anggota-anggota tentera yg sedang berjaga pd malam hari (di pejabat dll).

piknik makan bersama di luar utk bersuka-suka, berkelah, perkelahan;

berpiknik mengadakan piknik: *keluarganya ~ di Port Dickson.*

pikokomputer (Komp) komputer yg berupaya memproses data dlm lingkungan masa pikosaat.

pikolo (Muz) sj alat muzik kecil yg rupanya seakan-akan seruling tetapi menghasilkan nada yg lebih tinggi.

pikosaat unit masa yg bersamaan dgn 10^{-12} saat.

pikrama → **pekerma**.

piktograf 1. (Lin) tanda atau lambang yg mewakili kata atau kata-kata spt dlm tulisan Cina; **2.** pernyataan statistik, data dsb secara

bergambar atau berlambang mengenai sesuatu perkara pd graf, carta dsb.

piktografi sistem tulisan yg menggunakan piktograf.

piktogram piktograf.

piku Id kep pemimpin kurcaci (pemimpin pandu kecil).

pikuk; *hiruk*-~ hingar bingar, riuh-rendah; → **hiruk**.

pikul **1.** barang yg diangkat dgn galas di atas bahu: *membeli se~ air minum*; **2.** ukuran berat yg besarnya 100 kati (lebih kurang 62.5 kg): *harga lima ~ beras ialah RM150*;

berpikul-pikul beberapa pikul;

memikul **1.** membawa barang dgn galas di atas bahu, mengandar, menggalas: ~ *padi*; **2.** mengangkat, mengusung: *maka ada bertemu lapan sepuluh orang tengah ~ meriam besar; Hassan ~ peti kacanya, aku menjunjung sekotak pinggan*; **3.** ki menghadapi dan harus melaksanakan dsb (sesuatu) sbg tanggungjawab, menanggung: *dia pun sama ~ hutang bapanya; akan ~ tiada berbahu, akan menjunjung kepala luncung prb tiada berdaya mengerjakan sesuatu tugas kerana tiada berilmu (tiada berwang); berat sama dipikul, ringan sama dijinjing prb suka duka sama-sama ditanggung*;

memikulkan **1.** memikul beban utk orang lain; **2.** meletakkan sesuatu di bahu utk dipikul; **3.** membebankan, memberi menanggung, menyerahkan (kewajiban, tanggungjawab, dll) kpd: *aturan-aturan baru yg dipikulkan kpd kita*;

terpikul **1.** dapat atau berupaya dibawa di atas bahu: *saya tidak ~ seguni beras itu*; **2.** ditanggung, terletak: *kini tanggungjawab mendidik dan membesarkan anak-anak ~ di bahunya*; **3.** dapat ditanggung, terderita, tertahan: *dia mengalami tekanan jiwa yg tidak ~ olehnya*;

pikulan **1.** tongkat utk memikul sesuatu, galas, gandar; **2.** beban atau muatan yg dipikul;

pemikul orang yg memikul beban.

pikun Jk sangat tua.

pil ubat yg berbentuk bulat, pipih, dan kecil yg biasanya ditelan bulat-bulat, tablet;

~ *perancang (keluarga)* pil yg dapat mencegah kehamilan; ~ *tidur*

pil yg dapat menyebabkan seseorang mudah atau lekas tidur.

pilanggu Mn belunggu.

pilar tiang tegak yg diperbuat drpd batu dll, digunakan sbg penyokong hiasan dsb.

pilas Mn sj ayam sabungan yg borek serta berparuh dan berkuku hitam.

pilau ark perahu.

pilek Jk selesema sebab kena sejuk.

pili pancuran air, paip; *air* ~ air paip.

pilih; ~ *bulu* memandang kedudukan, bangsa, keturunan, dsb; ~ *kasih* mengasihi (memihak) sesuatu pihak, berat sebelah dlm membuat keputusan dll;

berpilih-pilih **1.** pilih dgn amat teliti; **2.** susah didapat, sedikit saja (yg), tidak sebarang (orang dll): ~ *orang yg boleh menjadi pemimpin perkumpulan itu; raja-raja dan menteri-menteri yg banyak itu ~ yg tahu akan bahasa Nigrama itu;*

memilih **1.** menunjukkan (menentukan) barang (orang dll) yg disukai: *ia ~ Mak Haji menjadi teman hidupnya ini ialah semata-mata kerana memandang hartanya; mereka tidak dapat ~ nasi yg lain drpd jenis yg dimakan di rumah masing-masing; kami bariskan orang-orang tu, tentu kakak boleh ~ yg mana satu; tidak ~ = tidak memilih-milih tidak memandang orang (tempat dll), tidak menghiraukan orang (tempat dll);* **2.** mencari atau memisah-

misahkan mana yg baik (besar, kecil, dll): ~ *beras*; ~ *kopi*; **3.** menentukan calon (orang dll) dgn menyatakannya: *ahli-ahli persatuan ini telah ~ Encik Amdun sbg pengerusinya*; **4.** = **memilih-milih** sangat teliti memilih, berpilih-pilih; *pilih-pilih ruas, terpilih buku prb kerana berharap sangat mendapat yg baik, akhirnya menerima yg buruk*;

memilihkan memilih (barang, jodoh, dll) utk orang lain;

terpilih 1. dapat dipilih, telah dipilih: *wakil PAS yg tunggal dlm Parlimen pernah ~ dr Kerian*; **2.** memilih dgn tidak sengaja;

pilihan 1. yg telah dipilih, hasil memilih: *siapalah yg tahu agaknya di sana telah sedia ada anak gadis ~ ayah As sendiri*; **2.** yg terbaik (terpilih, terkemuka, dll): *dihantarnya beberapa orang ~*;

pemilihan hal atau perbuatan memilih: *suara merdu sesuatu biola kecil adalah bergantung pd ~ kayu yg istimewa; ~ yg dijalankan itu tidak begitu adil*;

~ *alamiah* (Bio) teori tentang evolusi organisma (dipelopori oleh Darwin) yg menyatakan bahawa individu sesuatu spesies yg dapat menyesuaikan diri dgn persekitaran akan dapat hidup dlm persekitaran itu dan cenderung membiak dgn banyak ; ~ *bertingkat* (*berjenjang* ark) Id pemilihan wakil parlimen yg tidak langsung oleh rakyat; ~ *buatan* (Bio) pemilihan tumbuhan atau haiwan yg mempunyai ciri terbaik utk dikacukkan; ~ *langsung* Id pemilihan wakil parlimen yg langsung oleh rakyat; ~ *umum* Id pilihan raya umum;

pemilih 1. orang yg memilih; **2.** terlalu memilih-milih: *ia sangat ~*.

pilihan raya pemilihan umum yg diadakan utk memilih wakil di Parlimen, Dewan Undangan Negeri dsb; ~ *kecil* pilihan raya yg

diadakan utk mengisi satu atau beberapa kekosongan kerusi sahaja di Parlimen dsb yg timbul selain disebabkan oleh pembubaran Parlimen atau pembubaran Dewan Undangan Negeri; ~ *Negeri* pilihan raya yg dijalankan utk memilih ahli Dewan Undangan Negeri; ~ *Parlimen* pilihan raya yg dijalankan utk memilih ahli Dewan Rakyat; ~ *umum* pilihan raya yg dijalankan utk memilih wakil bagi semua kerusi Dewan Rakyat atau bagi semua kerusi Dewan Undangan Negeri yg diadakan secara berkala mengikut selang tempoh yg ditetapkan oleh Perlembagaan.

pilik → **pilek**.

pilin; *piuh* ~-~ putar balik (percakapan), tipu helah; *tangga* ~ sj tangga yg berbelit-belit (berpusing-pusing), tangga sulur batang; ~ *kacang hendak mengebat*, ~ *jering hendak berisi* prb suatu pembicaraan atau perbuatan itu mempunyai maksud dan tujuannya;

berpilin **1.** dipilin; **2.** = **berpilin-pilin** berkelok-kelok atau berpiuh-piuh (kayu, besi, dll): ~ *bagai kelindan*;

memilin **1.** memintal atau memulas beberapa utas benang atau tali dgn tangan; **2.** memulas (sakit perut); *perut* ~ perut memulas; **3.** memintal atau memulas dgn jari: *tangannya* ~ *misainya*; ~ *telinga* memulas dan memutar telinga, memial;

pilinan hasil memilin, yg dipilin;

pemilinan perihal atau perbuatan memilin.

pilis **1.** ubat yg ditepekkkan (dipalitkan) di dahi (di pelipisan); **2.** garis pangkah di dahi utk menghindarkan penyakit;

berpilis menggunakan (memakai) pilis.

pilon I (Kej) struktur keluli yg tinggi yg didirikan utk menopang kabel elektrik bervoltan tinggi.

pilon II Jk tidak mengerti apa-apa, bodoh; *berlagak* ~ berpura-pura tidak mengerti, berpura-pura bodoh.

pilong Jw buta.

pilot IB pemandu kapal terbang, juruterbang, penerbang.

pilu I 1. (berasa) sangat terharu, rawan: *saya berasa terharu dan ~*; **2.**

(berasa) sangat sedih, hiba: *sedih dan ~ hatinya melihat anaknya bersiap-siap hendak membawa untung; memberi ~ hati mengharukan (menyedihkan, merawankan) hati;*

memilukan 1. mengharukan (merawankan) hati: *perasaan yg ~ hatinya itu tetap menggeletarkan suaranya*; **2.** menyedihkan: *yg paling ~ hatiku kini ialah tingkah laku anakku;*

kepiluan 1. perihal pilu, kesedihan; **2.** = **kepilu-piluan** berasa pilu (hiba, sedih, dll).

pilu II ark pilau.

pilus sj penganan drpd tepung beras yg digoreng.

pimpan; *akar* ~ sj tumbuhan (herba), *Setaria plicata*.

pimpin I; berpimpin 1. dibimbing, dipandu, dituntun, ditunjuk: *yg capek datang bertongkat, yg buta datang ~; abang tidak senang kerana segala-galanya ~, ke sana ke mari diarahkan hingga membosankan*; **2.** berbimbing; ~ *tangan* = ~ *jari* berpegangan tangan;

memimpin 1. memegang tangan dan membawa berjalan menuju ke sesuatu tempat (menunjukkan jalan dll), membimbing, menuntun: *Malim Deman pun ~ tangan puteri lalu berjalanlah*; **2.** mengepalai atau mengetuai serta mengendalikan (badan, pertubuhan, pergerakan, negara, dll), mengepalai (rapat dsb): *dia tidak pernah ~ apa-apa pergerakan; tentera yg dahulu dipimpin oleh Jeneral Suharto telah siap sedia utk menghadapi kemungkinan perlawanan drpd anasir-anasir prokomunis*; **3.**

melatih (mendidik, mengasuh, dll) supaya boleh bekerja (berfikir) sendiri; *pelajar-pelajar ini dipimpin oleh guru-guru yg terlatih;*

terpimpin dipimpin: *masyarakat yg tidak ~ dan tidak berperaturan tidak akan memberikan kebaikan kpd manusia; ekonomi ~ sistem ekonomi yg mengikut rancangan-rancangan dan arahan-arahan pemerintah dll;*

pimpinan 1. hasil memimpin, bimbingan, tuntunan: *rakyat yg mengharapkan ~ drpd mereka; di bawah ~ dipimpin (oleh); memegang ~ memimpin (kumpulan dll), pucuk ~ orang atau badan yg mempunyai kuasa pimpinan yg tertinggi; 2.* yg dipimpin: *para ~ Datuk Onn; 3.* buku pedoman atau panduan, petunjuk;

kepimpinan keupayaan memimpin: *~ melalui teladan;*

pemimpin 1. orang yg memimpin: *~~~ Perikatan bergembira hari ini menyambut kemenangan mereka; 2.* buku pedoman, petunjuk;

berpemimpinkan mempunyai seseorang sbg pemimpin, berketuakan: *beruntunglah kita sekiranya dapat ~ seseorang yg jujur, cekap dan bertanggungjawab;*

kepemimpinan keupayaan (kebolehan, pencapaian, dsb) sbg pemimpin, daya (tindak-tanduk, kecekapan, dsb) seseorang pemimpin: *dlm pentadbirannya, Dr. Mahathir berusaha membawa corak ~ yg berbeza drpd pemimpin-pemimpin sebelumnya.*

pimpin II sj tumbuhan (pokok memanjat), lada hitam hutan, *Piper malaccense.*

pimping sj tumbuhan (rumput spt gelagah yg batangnya tidak berongga dan digunakan utk batang kalam, joran, dll), *Themeda gigantea;* *bagai ~ di lereng* prb orang yg berpendirian tidak tetap; *lampai bagai ~ di lereng, lemah bagai lenggundi muda* prb puji-pujian terhadap perempuan yg cantik potongan badannya; *kesat daun ~* prb lemah tetapi membahayakan; *kesat-kesat daun ~, kalau kesat*

daun labu boleh dicelur prb orang miskin dan tidak berilmu yg tidak berguna tetapi jika berperangai baik ada juga faedahnya.

pin I sj jarum yg digunakan utk mencucukkan dan melekatkan sesuatu pd benda lain, pasak, peniti, semat; ~ *susup* pin yg digunakan utk memasukkan tali (getah atau reben) ke dlm kelim;
mengepin mengenakan pin pd (baju dll).

pin II (dlm permainan boling) objek drpd kayu atau bahan sintetik yg berbentuk spt botol, yg disusun secara berkelompok utk dijadikan sbg sasaran pukulan bola.

PIN akronim bagi *personal identification number* (nombor pengenalan peribadi).

pina (Bio) daun telinga.

pina-pina; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), cumbai, *Pterococcus corniculatus*.

pinak; *anak* ~ anak cucu, keturunan; *beranak* ~ beranak cucu.

pinang I sj tumbuhan (palma yg buahnya dimakan dgn sirih), *Areca catechu*;

~ *kotai* = ~ *kosi* a) buah pinang tua yg dikeringkan; b) sj binatang spt halipan, gonggok; c) Kl orang bodoh yg mempunyai sifat-sifat kekerasan; ~ *masak* a) warna kuning kemerah-merahan; b) buah pinang yg sudah masak; ~ *muda* a) buah pinang yg masih muda; b) alku, muncikari; ~ *raja* sj tumbuhan (palma), *Cyrtostachya lakka*; ~ *sebatang* a) tidak mempunyai sanak saudara; b) ki kurus dan tinggi;

spt ~ *dibelah dua* prb dua orang (suami isteri, teman dll) yg hampir-hampir serupa (sama cantik dan sama padan); ~ *pulang ke tampuk* prb sudah cocok benar (sudah pd tempatnya); ~ *tua merah ekor* prb Mn perempuan yg sudah berumur tetapi berkelakuan spt perempuan muda; *bak* ~ *dianduh*, *putus tali dia berdiri* prb Mn

melakukan sesuatu pekerjaan kerana dipaksa; *darah baru setampuk* ~ prb masih muda benar; *kasihkan ~ sebatang drpd aur serumpun* prb Mn lebih sayang kpd orang lain drpd kaum keluarga sendiri.

pinang II; meminang 1. meminta seseorang perempuan menjadi isteri, melamar: *ketika dia datang ~, ibuku tidak lengah-lengah menerimanya*; **2.** memohon pekerjaan dll, melamar: *banyak orang yg ~ jawatan itu*;

pipit ~ anak enggang prb orang miskin hendak memperisteri anak orang kaya; *tabuhan* ~ anak labah-labah prb mencari jodoh yg tidak sepadan;

meminangkan meminang gadis utk orang lain: *mana muafakatliah ia dgn segala orang besarnya hendak ~ puteranya Raja Abdullah akan Tengku Besar*;

pinang 1. permintaan utk menjadikan isteri: *dgn tiada banyak cerewet lagi, saudagar Biram suami isteri telah menerima ~ itu*; **2.** lamaran (pekerjaan dll);

peminangan hal (pekerjaan dll) meminang: *haram melakukan ~ ke atas perempuan yg telah dipinang*;

peminang 1. orang yg datang meminang; **2.** pemohon pekerjaan, pelamar; **3.** ark bekas (tempat) sirih.

pinang III Mn; **meminang-minang** meninang-ninang; → **timbang I.**

pinang IV sj ikan laut, *Spilotichthys pictus*.

pinang-pinang sj ikan laut, *Caesio chrysozona (diagramma)*.

pinar I → **pinaremas.**

pinar II; berpinar-pinar berkunang-kunang, berpendar-pendar (mata);

meminarkan menyebabkan berpinar-pinar: *air yg bergenang di kelopak mata ~ pandangan*.

pinaremas sl disulam dgn benang emas atau dihiasi dgn air emas.

pincang I **1.** tempang (kaki atau jalannya), incut; **2.** ada kekurangannya (cacatnya dll), tidak seimbang, tidak setimpal, tidak sbg yg sepatutnya (keadaan dll): *manusia terjepit kerana susunan masyarakat yg kucar-kacir dan ~ itu*; **3.** tidak tetap peraturan jalannya atau bunyinya (enjin kereta, jam, dll); *~pincung* tidak teratur (perjalanannya);

memincangkan menyebabkan pincang: *beramal tanpa ilmu boleh merosakkan diri dan berilmu tanpa amal akan ~ hidup*;

kepincangan **1.** perihal pincang: *sebetulnya ~ ekonomi dan sosial di Eropah menyebabkan separuh negeri di sana condong kpd komunis*; **2.** keadaan yg tidak seimbang atau tidak sbg yg sepatutnya, kekurangan, cacat cela.

pincang II; sepincang Jk satu sen setengah.

pincuk I sj rojak buah-buahan yg dicampur dgn gula dan belacan serta lada dll.

pincuk II Jk; **memincuk** memikat hati;

kepincuk Jk sangat berkenan, jatuh cinta, terpesona.

pincung; *pincang-~* tidak teratur, tidak betul perjalanannya; → **pincang I.**

pincut (Sunda) pincuk;

kepincut kepincuk.

pinda; **meminda** membetulkan (kesalahan dll), membaiki, mengubah: *undang-undang ini telah dipinda*;

pindaan **1.** sesuatu yg dibuat utk meminda, hasil meminda: *jawatankuasa pilihan ini berkuasa juga membuat ~ ke atas rang undang-undang itu, jika dianggap perlu*; **2.** (Udg) perubahan yg dibuat terhadap dokumen undang-undang dgn pelbagai cara, sama ada dgn penukaran, penggantian, pengguguran, penambahan dsb;

pemindaan hal atau perbuatan meminda: ~ *yg memberi hak “mengawal, mengehadkan atau menahan,” tetapi bukannya melarang kemasukan orang-orang asing;*

peminda pihak atau orang yg meminda sesuatu, spt peraturan, garis panduan dsb.

pindah bertukar tempat (kediaman, kerja, dll); *~-randah* selalu bertukar tempat (kediaman, dll); *~ milik* bertukar pemilik atau tuan punya; *~ tangan* bertukar tuan (barang, harta benda, dll); *tujuh kali ~ jadi papa = orang pindah-pindahan bertanam tak boleh dimakan* prb pekerjaan yg tiada tetap akan merugikan;

berpindah **1.** beralih tempat (kediaman, kerja, dll), beranjak: *dia mengajak isterinya ~ ke Brunei, dia ~ dr tempat duduk yg di hadapan ke tempat duduk belakang;* **2.** bertukar atau berganti (kenaikan, tempat, tajuk perbincangan, dll): *datang pula fikirannya hendak ~ ke sekoci kecil; setelah membentangkan isi-isi penting, kita akan ~ kpd pembentangan pendapat yg asasi;* **3.** = **berpindah-pindah** menjangkit, menular;

~ ke negeri yg baqa (ke akhirat) meninggal dunia, mati; ~-randah selalu berpindah-pindah; *~ tangan* berganti pemiliknya;

memindah **1.** bp = **memindahkan**; **2.** = **memindah-mindah, pindah-memindah** menjangkit(-jangkit), menular(-nular);

memindahi **1.** ark banyak yg dipindahkan, banyak kali memindahkan; **2.** menjangkiti, menulari;

memindahkan **1.** meletakkan ke tempat lain, membawa berpindah, mengalihkan ke tempat lain: *kerajaan mendirikan rumah-rumah harga murah ini utk ~ setinggalan-setinggalan; pangkat-pangkat tinggi yg dipegang oleh orang putih akan dipindahkan ke tangan anak negeri ini;* **2.** menterjemahkan: *hikayatnya terlalu indah, ceritanya dipindahkan drpd bahasa*

Jawa ke bahasa Melayu; 3. menjangkitkan, menularkan: penyakit ini berjangkit dgn sebab dipindahkan oleh lalat; ~ hak memberikan hak kpd orang lain; ~ perhatian mengalihkan perhatian;

pindahan barang (harta dll) yg dipindahkan: *barang-barang ~; kaum ~ kaum atau bangsa yg hidupnya berpindah-randah;*

kepindahan kejangkitan, ketularan;

perpindahan perihal (perbuatan, kejadian, dsb) berpindah, peralihan: *sebab pertama penduduk bertambah ialah adanya ~; ~ pejabat;*

pemindahan perbuatan memindahkan (mengalihkan): *~ penduduk; melatih orang-orang Malaysia melalui beberapa rancangan ~ kemahiran dan teknologi.*

pindai Mn ark; **memindai** melihat dgn bersungguh-sungguh, memandangi, memerhatikan.

pindang sj masakan berkuah drpd ikan dll yg dimasak dgn asam (kunyit dll).

pindis sj tumbuhan (pokok), kepin(d)is, tempinis, *Sloetia sideroxylon*.

pinga; terpinga-pinga tercengang-cengang kehairanan: *kami ~ memikirkan di mana sebenarnya kami ditempatkan.*

pingai warna kuning muda (kuning air), putih kekuning-kuningan; *burung ~ a) sj burung yg bulunya kekuning-kuningan; b) sesuatu yg ganjil (ajaib); c) = siburung ~ jiwa, semangat.*

pingat bintang yg dikurniakan oleh kerajaan (sultan dll) utk menghormati jasa seseorang.

pingah ark hembusan, ububan, puputan.

pinggan sj alat atau bekas drpd tembikar dll biasanya berbentuk bulat leper spt piring tetapi lebih besar (utk makan nasi dll);

~ *hidang* pinggan berbentuk bulat atau bujur yg lebih besar drpd pinggan biasa; ~ *orong* pinggan yg bulat panjang; ~ *kerang* pinggan kasar; ~ *lingkar* pinggan besar tempat makan raja-raja (orang besar-besar); ~ *makan* pinggan yg digunakan utk sarapan utama (spt makan nasi dsb); ~ *mangkuk* perkakas atau alat-alat makan minum (piring, cawan, mangkuk, dll);

~ *tak retak nasi tak dingin* prb cermat melakukan sesuatu pekerjaan; *spt ~ dgn mangkuk, salah sedikit hendak berhantuk* prb perselisihan antara suami isteri atau kaum keluarga itu sudah menjadi perkara biasa.

pinggang bahagian badan antara rusuk dgn pinggul; ~ *bukit (gunung)*

Mn lereng bukit atau gunung (kawasan bukit antara puncak dgn kaki); *buah* ~ ginjal, kerinjal; *ikat* ~ = *tali* ~ pengikat kain atau seluar, sabuk; *sakit* ~ sakit pd bahagian pinggang; *bercekak (berkerak, bertolak)* ~ berpegang pd pinggang dgn kedua-dua belah tangan; *hutang sekeliling (selilit)* ~ terlalu banyak hutang;

~ *ramping bagai ketiding* prb ejekan kpd perempuan yg gemuk dan besar pinggangnya; *(tinggal) sehelai se~* prb habis hartanya kerana kecurian atau kerugian dlm perniagaan dll;

berpinggang mempunyai pinggang; *tidak* ~ bp terlalu gemuk;

peminggang bahagian tengah-tengah perahu, lambung perahu; *dayung* ~ dayung di bahagian tengah-tengah perahu.

pinggir tepi: ~ *jalan*; ~ *kota*; ~ *laut* pantai; ~ *sungai* tebing sungai;

meminggir pergi ke pinggir, menepi;

meminggiri memberi berpinggir, berada (terletak, tumbuh, dsb) di pinggir sesuatu: *kawasan-kawasan sesak yg ~ kota*; *burung-burung yg menangkap serangga mempunyai mulut yg lebar dipinggiri rambut-rambut keras*;

meminggirkan mengesampingkan, menyetepikan: *masyarakat semakin ~ bahasa Melayu;*

terpinggir ki sudah diketepikan kerana dianggap tidak penting: *bukan sahaja ekonomi sosial semakin ~, tetapi jurang kemiskinan juga semakin nyata;*

keterpinggiran perihal atau keadaan terpinggir: *kita mampu meramalkan ~ nasionalisme yg ditelan zaman;*

pinggiran **1.** tepi, perbatasan: *peneroka tanah ~;* **2.** ki tidak penting, kurang berpengaruh: *Panglima Salleh, dlm menghadapi pergolakan sosial dan politik di daerahnya, bermula hanya sbg insan biasa dan ~;* **3.** tidak berapa (kurang) penting: *masalah-masalah ~;*

peminggiran **1.** perbuatan mengesampingkan atau menyetepikan: *~ bahasa Melayu sejak lima tahun yg lalu;* **2.** perbatasan atau sempadan negeri (kota dll): *maka adalah di ~ negeri itu seorang peladang tiga beranak.*

pinggul Mn pangkal paha bahagian belakang, punggung, pantat (bokong); *berat ~ pemalas.*

pingin bp kepingin.

pingit; berpingit berkurung dlm rumah: *gadis Melayu dahulunya ~ dan hanya kelihatan sekali-sekala sahaja;*

memingit **1.** menjaga dgn rapi dlm rumah (anak dara dll): *anak dara yg dipingit;* **2.** mengurung (dlm sangkar dll): *~ kuda;*

pingitan yg dipingit (dikurung): *tiga dara ~; kuda ~;*

pemingitan perihal atau perbuatan memingit: *~ dan pengurungan wanita bukanlah satu cara utk mengembalikan kedudukan dan hak wanita.*

pingkal Jw; **terpingkal-pingkal** tertawa gelak-gelak (kial-kial).

pingpong sj permainan dgn menggunakan pemukul (drpd papan dll) utk menampar bola kecil di atas meja yg luas.

pinis → **tempinis**.

pinjal kutu (anjing dll).

pinjam 1. = *memberi* ~ memberi sesuatu utk digunakan buat sementara (dgn janji akan dikembalikan apabila sampai tempohnya): *siapa boleh ~ saya pisau raut?* **2.** = *minta* ~ meminta menggunakan sesuatu buat sementara (dgn maksud mengembalikannya apabila sampai tempohnya): *buku ini baru saya ~ dr perpustakaan; ~ sewa* membeli dgn membayar beransur-ansur (dan sebelum selesai bayarannya barang itu dianggap barang sewaan sahaja); *syarikat ~-meminjam* syarikat yg memberi pinjaman (wang dll); ~ *kayu ara* prb meminjam barang orang dgn tidak berniat utk memulangkannya;

meminjam 1. menggunakan barang (buku, wang, dll) orang lain utk sementara waktu, minta pinjam: *kedatangannya pd saat itu adalah kerana hendak ~ sedikit wang;* **2.** mengambil dan menggunakan (perkataan, konsep, dll) yg dipetik dsb drpd sesuatu sumber: *penasihat UNESCO itu ~ konsep Majlis Penyeliaan ini dr agensi berita Perancis AFP;*

meminjami 1. memberi pinjam kpd: *kami tidak perlu membeli semua jenis buku, perpustakaan dapat ~ kami;* **2.** meminjam barang dll pd;

meminjamkan memberikan barang dll utk dipinjam: *dia pula tidak sepi drpd ~ beras atau wang kpd tetangganya;*

pinjaman 1. barang dll yg dipinjam (dipinjamkan); **2.** wang yg diberikan kpd seseorang dll utk sementara dan perlu dikembalikan kemudian, hutang;

~ *bercagar* (Eko) pinjaman yg bercagarkan sesuatu aset (mis rumah dan tanah) sbg jaminan terhadap pelunasan pinjaman berkenaan; ~ *kenderaan* pinjaman wang dgn kadar faedah tertentu yg diberikan oleh institusi kewangan atau majikan utk membolehkan seseorang (pekerja dsb) membeli kenderaan sendiri, mis kereta dan motosikal; ~ *peribadi* = ~ *persendirian* pinjaman wang tunai dgn kadar faedah tertentu yg diberikan oleh institusi kewangan dsb kpd individu yg memohon, dgn syarat tertentu; ~ *perumahan* pinjaman wang dgn kadar faedah tertentu yg diberikan oleh majikan atau institusi kewangan kpd seseorang (pekerja dsb) utk membeli rumah; *kata* ~ (Lin) perkataan yg diambil drpd bahasa asing;

peminjaman perihal (perbuatan dsb) meminjam atau meminjamkan;

peminjam **1.** orang yg meminjam: ~ *wang dr bank harus membayar bunga*; **2.** orang yg memberi pinjam: *seorang ~ wang mengenakan bunga atas pinjamannya.*

pinjul I Kd bengkok, binjul.

pinjul II Kd, Pn baki (wang dll).

pinjung Jh penjuru.

pinokol sj kalung manik yg dipakai oleh suku kaum Rungus di Sabah semasa upacara perkahwinan, keagamaan dsb.

pinser (pinsér) sj penyepit yg digunakan oleh doktor dll.

pinset (pinsét) → **pinser.**

pinta **1.** minta, mohon: *mengapa itu yg datuk ~?; ~lah yg lain*; **2.** permintaan, permohonan: *perkenankan olehmu akan ~ hambamu*; **3.** nasib, untung malang; *buruk ~ nasib yg buruk; singkat ~nya cepat sampai maut(nya)*;

meminta 1. menentukan nasib, mentakdirkan; 2. memohon, menghendaki: *maka ia ~ karangkan suatu kitab dlm bahasa Melayu; Tintah selalu ~ Encik Ramli menceritakan apa yg difikirkannya;*

~ *izin* memohon supaya diizinkan; ~ *tanggung* memohon supaya ditanggungkan;

terpinta sudah ditakdirkan atau ditentukan;

pintaan permintaan, permohonan, pinta;

peminta nasib, untung malang, pinta; → **minta**.

pintak ark pinta, minta;

dipintaki diminta.

pintal pilin, terpilin (tali dll); *tali* ~ tali yg terpilin;

berpintal-pintal berpilin-pilin (dawai, rambut, dll), berpiuh-piuh;

memintal 1. memilin supaya jadi tali: ~ *tali rami*; 2. membuat benang, mengantih: *perusahaan-perusahaan ~ benang dan menenun kain kapas;*

pemintalan 1. hal atau perbuatan memintal; 2. perkakas (tempat dll) memintal;

pemintal 1. perkakas utk memintal benang atau tali, pengantihan;

2. orang yg memintal (benang, tali, dll): *ia ~ tali*.

pintang ark; *hilang* ~ hilang sama sekali, hilang lenyap.

pintar 1. cekap, pandai: *datuk itu ~ orangnya*; 2. banyak akal, cerdas, licin: *orang yg kita hadapi itu lebih ~ dan lebih cergas drpd kita;*

3. mahir dlm membuat sesuatu pekerjaan: *tukang-tukang gambar dan pelukis-pelukis yg ~; mereka sudah ~ membuat baju sendiri;*

memintarkan menjadikan pintar;

terpintar tercepat, terpandai;

kepintaran 1. kepandaian; 2. kecerdikan; 3. kemahiran.

pintas; *jalan* ~ jalan yg paling dekat: *kerana takutkan tentera Jepun yg berkawal di kota itu, maka kami telah mengambil jalan ~ di pinggir kota*;

sepintas; ~ *lalu* a) sambil lalu, sekali lalu: *dapat juga abang kenal tokoh ulama India ini ~ lalu*; b) selayang pandang, sebentar sekali; c) tidak bersungguh-sungguh, tidak mendalam (membaca, mengkaji, dll): *ia telah mengkaji perkara itu ~ lalu sahaja*; d) secara ringkas sahaja (huraian, penjelasan, tinjauan, dll): *tiap-tiap perkara itu diberinya penjelasan kadar lalu*;

memintas **1.** melalui (menempuh) jalan yg paling dekat: *utk menjimatkan waktu, mereka ~ di kawasan itu*; **2.** menyeberang jalan dll, merentas jalan dll: *mereka ~ arah ke selatan padang itu*; **3.** = **memintasi** memotong (menghalang) perjalanan orang: *sesetengah orang-orangnya hendak lari ke hulu, maka dipintasi oleh Bugis dr darat*; **4.** menyelang (perbualan, percakapan, dll) orang: *'manalah aku tahu,' Karim cepat-cepat ~*; **5.** = **memintasi** mencegah atau menghalang (cita-cita, maksud, serangan musuh, dll); **6.** = **memintasi** melintasi, melalui, menjalani, mengatasi: ~ *segala kesulitan*;

memintaskan sl memintasi, mengatasi;

pintasan **1.** jalan yg paling dekat, jalan pintas; **2.** penyeberangan jalan;

kepintasan telah dipintasi (dilalui, dicegah, dll);

pemintasan **1.** perbuatan memintas (memintasi); **2.** Mn tempat harimau selalu kelihatan.

pintau ark; *burung* ~ sj burung, manyar, tempua, *Plocella javanensis*.

pinter Jk pintar.

pintil seunting benang.

pintu **1.** ruang utk keluar atau masuk (bilik, kereta, rumah, dll): *jangan duduk di ~*; **2.** papan dll utk menutup ruang pintu: *sebuah ~ besar bergerak perlahan-lahan dibuka oleh seorang budak*; **3.** ki kesempatan utk mencapai sesuatu, jalan ke: *membuka ~ utk perundingan damai*; *kalau kita mempunyai ijazah, ~ pekerjaan akan terbuka bagi kita*; (*politik*) *~ terbuka politik* yg membolehkan penanaman modal dr negeri asing; **4.** Id palang pd jalan yg melintasi landasan kereta api; **5.** penjodoh bilangan bagi rumah, kedai, dsb: *ada kira-kira sepuluh ~ kedai yg terletak di kiri kanan jalan raya*; *cukai ~ = hasil ~ cukai* yg dikenakan pd pemilik rumah (di kawasan perbandaran);
~ *air* penahan air (dibuat drpd besi atau papan) yg boleh diturunnaiikkan; ~ *angin* sj lubang kecil utk udara keluar masuk; ~ *belakang* a) pintu bangunan (rumah dsb) yg letaknya di belakang; b) ki cara mencapai sesuatu matlamat (spt jawatan, pekerjaan dsb) secara sulit melalui pengaruh, kekuasaan dsb; ~ *gerbang* (*gapura, lawang*) pintu besar utk keluar masuk sesuatu kawasan (kota, markas, dll); ~ *hati* kalbu; ~ *jendela* penutup jendela (drpd papan, kaca, dll); ~ *keluar* (*masuk*) pintu atau jalan yg digunakan utk keluar atau masuk; ~ *maling* pintu kecil di belakang atau di samping rumah; ~ *mati* pintu terpaku rapat (tidak boleh dibuka lagi), ~ *monyet* pintu yg berdaun dua (di atas dan di bawah); ~ *rangkap* daun pintu yg berangkap dua; ~ *rezeki* jalan (peluang) utk mendapat rezeki; ~ *salah* sj tingkap pd dinding istana; ~ *sorong(an)* = ~ *sorok* pintu yg disorong utk membuka atau menutupnya; ~ *tani* sj pintu gerbang istana;
bagai ~ tak berpasak, perahu tak berkemudi prb sesuatu yg membahayakan; *satu ~ kalau tertutup, sepuluh ~ lagi terbuka* prb a) suatu perkara yg tidak dapat dirahsiakan lagi; b) orang yg mahir

dlm berbagai-bagai pekerjaan walau diberhentikan dr pekerjaannya, banyak pekerjaan lain yg boleh dibuatnya;

berpintu 1. mempunyai pintu; **2.** sl mengukur pintu, berperaturan: *hatta maka Laksamana pun terlalu karib kpd raja, keluar masuk tiadalah ~ lagi;*

berpintukan mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg pintu: *bilik air rumahnya juga ~ kayu nyatoh yg divarnis.*

pinuh Pr kepuk atau belubur yg terletak di sawah utk menyimpan padi.

pioderma (Ubat) sebarang penyakit kulit yg bernanah.

piokolpos (Ubat) timbunan nanah di dlm faraj.

piometra (piométra) (Ubat) timbunan nanah di dlm rahim.

pion IB sj buah catur, bidak.

pionir IB perintis atau pembuka jalan.

piorea (pioréa) (Ubat) radang pd gusi yg menyebabkannya kecut dan gigi menjadi goyah, penyakit gusi.

pipa 1. buluh-buluh, pembuluh, paip; **2.** a) alat penyambung rokok (drpd tulang dll), paip; b) = ~ *tembakau* alat drpd kayu dll utk menghisap tembakau, paip; **3.** Id = ~ *paberik* cerobong asap (kilang); **4.** sl bekas yg bulat tempat mengisi sesuatu, tong: *tiada terkira-kira tenggiri sampai dibuang ikannya, diambil telurnya sahaja, diisi ke dlm ~ bubuh garam.*

pipet (pipét) sj pembuluh kaca yg hujung pangkalnya kecil utk menyukat atau memindahkan isi padu tertentu cecair.

pipi bahagian muka di bawah pelipis: *air matanya membasahi kedua-dua belah ~nya;*

ekor ~ bahagian pipi di sebelah bawah; *lesung* ~ lekuk pd bahagian pipi, lesung pipit; *tulang* ~ tulang pd bahagian pipi di atas tulang rahang.

pipih 1. rata serta tipis, leper: *badannya yg leper atau ~ ini membolehkan lipan merayap melalui lubang-lubang kecil dan bersembunyi di bawah-bawah kayu; bulat ~ bulat dan rata serta tipis (duit syiling dll); 2. kemik, pesek (hidung);*

memipih menjadi pipih; *kanta mata itu pun ~ menjadi rata;*

memipihkan menjadikan pipih.

pipis; berpipis sudah dilumatkan (dihaluskan): *lada yg hampir lumat ~ itu dijemputnya;*

memipis melumatkan atau menghaluskan (lada, rempah, dll) dgn batu giling dll: *~ kasar;*

memipiskan memipis (lada, rempah, dll) utk;

pipisan alat utk memipis atau melumatkan (lada, rempah, dll), batu giling.

pipit I sj burung kecil, mentua pelanduk, *Motacilla cinerea melanope;*

~ anggerik sj burung kecil, kelicap berjambul, Yuhina zantholeuca interposita; ~ padang sj burung kecil, apit-apit, cak padang (tanah), lak padi, lancar-lancar, seri lancar, Anthus novaeseelandiae malarensis; ~ padi = ~ uban sj burung kecil, cak padi, ciak, Munia maja maja; ~ pinang sj burung kecil, Munia punctulata fretensis; ~ rumah sj burung kecil, Passer montanus malaccensis; ~ tuli sj burung kecil, Munia striata subsquamicollis;

~ berperang dgn garuda prb orang kecil melawan orang besar; ~ bukan seeekor, jagung bukan sebatang prb jawaban utk menolak tuduhan tentang sesuatu kejahatan; ~ hendak jadi enggang prb ingin melakukan sesuatu yg melebihi kesanggupan; ~ meminang anak enggang prb orang kecil (hina) hendak meminang anak orang besar (mulia); ~ pekak makan berhujan prb sangat rajin; ~ menelan jagung prb orang miskin yg berlagak spt orang kaya

akhirnya akan mendapat kesusahan; ~ *sama* ~, *yg enggang itu sama enggang juga* = ~ *sama enggang mana boleh terbang bersama* prb a) perjodohan atau persahabatan akan sempurna kalau sama darjat; b) bergolong-golong mengikut taraf atau darjat masing-masing; ~ *tuli makan berhujan, tak dihalau padi habis, hendak dihalau kain basah* prb serba salah utk menyelesaikan pekerjaan yg sulit (jika diteruskan pun berbahaya); ~ *yg makan padi, merbah terbawa rendong* prb orang lain yg mendapat kesenangan, orang lain yg menanggung akibatnya.

pipit II pangkal serunai yg pipih tempat meniup.

pipit III Jw; **memipit** mengapit;

pipitan apitan.

pipit IV bp kemaluan kanak-kanak lelaki.

pipit V sj ikan laut, sumpit-sumpit, *Chelmo rostratus*.

pirai sj penyakit sengal-sengal dlm tulang dan sendi-sendi.

piramid 1. binaan drpd batu yg mempunyai dasar segi empat atau segi tiga dan sisi cerun yg bertemu di puncak, terutama yg dibina drpd batu di Mesir kuno; **2.** limas; **3.** (Mat) bongkah yg tapaknya berbentuk poligon, manakala mukanya berbentuk segi tiga dan bertemu di bucu; ~ *tepat* (Mat) piramid yg mempunyai tepi atau sendeng yg sama panjang.

pirana sj ikan kecil yg bergigi tajam dan memakan daging, yg lazim terdapat dlm sungai-sungai di Amerika Selatan, *Serrasalmus spp.*

piranha → **pirana**.

piras Kl; ~ *hangit* tidak mahu mendengar kata orang, bodoh dan kebudak-budakan, tolol.

pirau I 1. warna spt warna abu, kelabu; **2.** Mn tidak terang (pelihatan), kabur.

pirau II; berpirau, memirau tidak lurus perjalanannya, melencong (menyimpang) ke kiri atau ke kanan;

berpirau-pirau berjalan menyimpang-nyimpang (menyerong-nyerong, berpaling-paling, berperai-perai).

piridoksina (Ubat) salah satu vitamin B kompleks yg banyak terdapat dlm hati, jagung dan susu dan berfungsi sbg koenzim dlm sintesis asid amino drpd karbohidrat.

pirih Jh **1.** parah, teruk (kerugian, penyakit, dll); **2.** letih, tewas (perlawanan dll).

pirik I; memirik menumbuk (lada, rempah, dll) lumat-lumat, melumatkan, memipis.

pirik II Mn; **memirik** mencubit, menyepit.

piring 1. sj pinggan yg kecil utk mengisi kuih dll atau utk alas cawan dll:

ia menyorongan ~ kuih itu kpd kawannya; 2. = piring-piring, piringan barang yg bulat pipih serupa piring: *~ peti nyanyi; 3. petak* (kebun, ladang, dll): *kebun kelapanya berbau-bau dan sawahnya beratus-ratus ~;*

~ mangkuk a) = ~ cangkir Id perkakas atau alat-alat utk makan minum (piring, cawan, mangkuk, dll); b) alas mangkuk (cangkir); *~ peti nyanyi = ~ hitam* rekod; *~ (piring-piring) sepeda* Id cakeram yg bergigi utk memusingkan rantai sepeda (basikal); *~ terbang* sj benda bercahaya berbentuk cakera yg kelihatan melayang dgn pantas di angkasa, kononnya menjadi pengangkutan makhluk asing; *~ warna Newton* sj piring (drpd kertas dll) yg diwarnai dgn warna-warna yg ada dlm spektrum (kalau dipusing warnanya menjadi putih).

pirit (Kim) sj bahan galian yg rapuh, berwarna kuning, dan digunakan dlm pembuatan asid sulfurik dll.

piromania (Psi) keinginan yg tidak terkawal utk membakar sesuatu benda dsb.

pirometer (pirométer) alat utk mengukur suhu yg sangat tinggi, mis di dlm relau.

pirosis (Ubat) pedih hulu hati.

piroteknik (pirotéknik) seni membuat bunga api dan mercun.

piruk; *hiruk*-~; → **hiruk**.

pisah I cerai, lerai; *ilmu* ~ Id ilmu kimia; *juru*~ Id peleraian, penegah, wasit;

berpisah 1. tidak berhubungan (tidak berdampingan, tidak rapat, dll), bercerai: *hendaknya Tuhan yg Maha Mengasihani akan menemukan saya dgn ayah sesudah sekian tahun ~; mengucapkan selamat ~ mengucapkan selamat semasa hendak meninggalkan seseorang; 2.* berenggang, berjarak, berjauhan; *hidup* ~ Id suami isteri yg belum bercerai tetapi tidak tinggal serumah lagi;

berpisah-pisah berasing-asing, bercerai-cerai, berdiri sendiri-sendiri;

memisah menjauhkan diri (dr), tidak mahu bersama atau bersatu (dgn): *dia sengaja ~ dr keluarganya utk mencari pengalaman;*

memisahkan 1. meleraikan (orang yg bergaduh dll), menceraikan: *Uda Patah pun dapat meleraikan, ~ kedua-dua orang yg berkelahi itu; kawasan bukit yg kecil ini ~ lembah Sungai Sittang drpd lembah Sungai Irrawadi; 2.* membezakan: *walaupun bagaimanapun mereka itu tidak ~ akidah Islam yg pokok drpd kepercayaan mereka; 3.* mengasingkan yg satu drpd yg lain: *maksud kita ialah ~ barang itu dr kumpulannya yg bermacam; adat istiadat amat keras ~ mereka; 4.* = **memisah-misahkan** memecah-mecahkan (kumpulan, gerakan, dll) utk menjadikan berpisah-pisah, menceraikan: *hendak ~ masyarakat yg berbilang kaum;*

terpisah 1. tidak bersatu (berdekatan, bersama, dll), terasing, tercerai, terpencil, tersendiri: *pulau itu ~ dr Semenanjung Tanah Melayu oleh Selat Teberau; pembicaraan yg ~*; **2.** lepas dr: *perjuangan menegakkan bahasa Melayu sbg bahasa Kebangsaan ialah perjuangan yg tidak ~ drpd perjuangan kemerdekaan rakyat negeri ini*;

terpisah-pisah berasing-asing, tercerai-cerai;

keterpisahan keadaan (perihal) terpisah, keterasingan;

perpisahan 1. perceraian; **2.** hal berpisah; *malam ~ malam* perjumpaan utk menyatakan selamat berpisah;

pemisahan perihal (perbuatan dsb) memisah atau memisahkan, perceraian, pemecahan (pembelahan dll);

pemisah 1. sesuatu yg memisahkan atau menceraikan; *badan ~ Id* badan yg tugasnya mengamankan segala persengketaan; *garis ~ garis* yg memisahkan atau menyekat; **2.** = *juru~* jurupisah.

pisah II Kl sengaja.

pisah III Tr jalan, ikhtiar.

pisang I sj tumbuhan (pokok dan buahnya) yg bermacam-macam jenisnya, *Musa spp.*; jenis-jenisnya: ~ *embun*, ~ *batu*, ~ *biji*, ~ *benggala*, ~ *emas*, ~ *nangka*, ~ *raja*, ~ *susu*, ~ *tanduk* dll; ~ *benang (manila)* = ~ *tali* sj pokok pisang yg seratnya dibuat benang atau tali; *anak ~ Mn* panggilan atau gelaran kpd anak drpd keluarga sebelah bapa; *jantung ~ bunga* pisang; *pucuk ~ daun* pisang yg muda sekali; *spt ~ rebah* ki mendiamkan diri dgn tidak bergerak-gerak atau berkata-kata; ~ *sesikat* sengkuaup; ~ *ditanam tak berjantung* prb usaha yg tidak memberi hasil yg dimaksudkan; ~ *masak separak* prb satu keluarga yg hidup berbahagia; ~ *sesikat digulai sebelanga, tanda muafakat bersama-sama* prb sahabat (keluarga dll) yg hidup setia dan sentiasa

bertolong-tolongan; ~ *tak akan berbuah dua kali* prb sekali tertipu atau kerugian tentu akan berjaga-jaga pd masa akan datang; *bagai rasa batang* ~ prb amat sejuk (badan); *bukan budak-budak makan* ~ prb seseorang yg tidak mudah ditipu atau diperdayakan; *mencari* ~ *gala tiada butir* Kl menunggu ketibaan sesuatu yg tidak munasabah; *mendapat* ~ *terbuka (terkubak)* prb mendapat keuntungan dgn tiada bersusah payah; *mengenalkan diri bagai* ~ *lebat* prb beroleh bencana kerana keangkuhan diri; *menopang* ~ *yg tak berbuah* prb mengerjakan sesuatu yg tidak memberi hasil.

pisang II; ~ *kaki* sj tumbuhan (pokok dan buahnya berwarna jingga), kesmak, *Diospyros kaki*.

pisang III; *pucuk* ~ sj ikan darat, *Labeobarbus faciatus*;

pisang-pisang I sj gading-gading (bahagian rangka perahu).

pisang-pisang II sj tumbuhan (pokok), pokok segauh, segumpal hitam, *Polyalthia cinnamomea*; ~ *hitam* = ~ *padi* = ~ *pipit*, *akar* ~ *jantan* = *akar* ~ *kuning* = *akar* ~ *tanduk* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Uvaria spp.*; ~ *buku* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Desmos chinensis*.

pisang-pisang III 1. sj ikan laut, *Albula vulpes*; **2.** sj ikan laut, *Caesio caerulaureus*, **3.** sj ikan laut, *Dhanos chanos*; **4.** sj ikan laut, *Elegatis bipinnulates*.

pisat; terpisat-pisat kehairanan kerana terkejut, termangu-mangu.

pisau I sj besi tipis yg tajam dan berulu utk memotong (menghiris dll); ~ *belati* sj pisau kecil yg tajam (digunakan oleh kelasi kapal); ~ *calung* sj pisau besar yg bengkok hujungnya utk menebas belukar; ~ *cukur (pencukur)* a) sj pisau yg tajam utk mencukur rambut; b) ki perempuan yg suka menghabiskan wang (harta) lelaki; ~ *dapur* pisau yg digunakan di dapur; ~ *getah* sj pisau yg digunakan utk menoreh getah; ~ *lipat* sj pisau yg matanya (bilahnya) boleh

dilipat; ~ *makan* = ~ *meja* sj pisau yg digunakan utk memotong daging waktu makan; ~ *raut* sj pisau kecil yg tajam utk meraut rotan dll; ~ *runcing* sj pisau tajam yg matanya tirus ke hujung; ~ *sadap* sj pisau utk menyadap mayang kelapa dll; ~ *wali* sj pisau kecil yg tajam utk mengukir dll;

berapakah tajam ~ parang, tajamlah lagi mulut manusia prb kata-kata seseorang itu lebih tajam drpd senjata; *bermain ~ luka* prb seseorang yg melakukan kejahatan akan merasakan akibatnya; *spt ~ raut, bongkok orang boleh dibetulkan, bongkok sendiri tak boleh betul* prb kesusahan orang dapat diselesaikan tetapi kesusahan sendiri berkehendakkan pertolongan orang lain; *tajam ~ kerana diasah* prb jadi berani kerana dihasut, jadi pintar kerana diajar.

pisau II; *burung ~ raut* sj burung, burung kendi, *Numenius phaeopus variegatus*.

Pises lambang kedua belas dlm zodiak, yg berlambangkan dua ekor ikan.

pisik Mn padat, pejal, sintal (tubuh).

pisikultur (Tani) pembiakan dan penternakan ikan dlm persekitaran yg terkawal.

pisic C picis, pitis.

pisit I pisik.

pisit II; **memisit** menyoal dgn teliti atau dgn ancaman supaya mengaku (membuka rahsia dll); *dgn tidak payah dipisit, Ahmad telah membuka mulut hendak menyatakan sesuatu*.

pisivor (Bio) haiwan yg tabiatnya memakan ikan: *burung ~*.

pisikal IB pegawai pengadilan yg tugasnya mendakwa, pendakwa raya.

pisipot IB sj bekas yg bertutup utk tempat kencing dll.

pistasio 1. pokok drpd famili Anacardiaceae yg menghasilkan kacang kecil yg berkulit keras, *Pistacia vera*; 2. = kacang ~ kacang drpd pokok ini yg isirungnya boleh dimakan.

pistil (Bio) bahagian pembiakan betina bunga yg terdiri drpd satu atau lebih karpel terpisah atau bercantum.

pistol sj senjata api berlaras pendek dan kecil;

~ *air* sj permainan kanak-kanak yg berbentuk pistol dan menggunakan air sbg pelurunya; ~ *angin* pistol yg menggunakan tekanan udara utk menembakkan pelurunya;

memistol menembak dgn menggunakan pistol.

pit I IB ark basikal, kereta angin, sepeda.

pit II C sj pensel Cina; → **mopit**.

pit III tempat berhenti di litar lumba yg membolehkan kereta atau motosikal lumba berhenti sebentar utk mengisi minyak, menukar tayar baru dsb semasa dlm perlumbaan.

pita jalur (kain, kertas, dll) yg panjang, reben: *Datuk penghulu pun menjemput beliau utk menggunting ~ yg terentang di tengah-tengah pintu masuk ke balai*;

~ *cukai* Id pita kertas yg bertuliskan harga dan dilekatkan pd bungkusan rokok dll, banderol; ~ *magnet* pita plastik bersalut bahan bermagnet yg digunakan utk merakam bunyi atau gambar, atau utk menyimpan maklumat; ~ *mesin* Id tali pesawat; ~ *mesin tulis* pita yg berdakwat utk mesin tulis; ~ *rakam (rakaman)* sj pita utk merakam (menangkap) suara dgn menggunakan rakam pita; ~ *suara* Id bahagian alat dlm halkum manusia yg bergerak-gerak (dgn gerakannya manusia boleh bercakap); ~ *ukur* sj alat utk mengukur panjang dll; ~ *video* sj pita utk merakamkan gambar dan suara supaya dapat ditayangkan kemudian pd kaca TV dgn menggunakan perakam video;

berpita mempunyai pita atau dibubuh pita: *topi yg ~ merah di kelilingnya.*

pitam hilang kesadaran dan pelihatan buat seketika akibat kekurangan bekalan darah ke otak; ~ *babi gila babi, sawan babi, penyakit ayan; naik ~ ki naik darah, terlalu marah.*

pitara, memitar sl mengarahkan meriam dll.

pitarah ark nenek moyang.

pitara Kl **1.** pintas; **2.** hambat, kejar, kepung.

pitawat Mn ark nasihat, petua.

piterseli (piterséli) IB sj sayuran.

pitih Mn, Kl pitis, duit.

pitih I Jk; **memiting** menyepit (mengait) dgn kaki dll.

pitih II kepiting.

pitis **1.** sj mata wang pd zaman dahulu; **2.** duit, wang: *ada ~ semua kerja jadi; ~ garis* wang yg terkecil (bernilai 1/48 ketip);

~ habis, keinginan tiba prb keinginan (kemahuan dll) datang setelah jatuh miskin; *~ sekupang genap hendak membeli kancah berkerawang, nuri pandai berkata* prb a) keadaan yg serba salah; b) keinginan ada tetapi tenaga tidak kesampaian;

pitisan beberapa banyak wang (pitis).

pitis-pitis sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kambing-kambing, akar (batu) pelir kambing, buah pitis, *Sarcolobus globosus.*

pitpit; *burung~* sj burung, burung bitbit, *Cacomantis merulinus threnodes.*

pituh Jw tujuh.

pitut ark bengkok (kaki dll).

piuh; *~pilin* putar balik (percakapan dll), tipu helah;

berpiuh berpilin, berpulas, berputar;

berpiuh-piuh **1.** berpilin-pilin spt dipintal (tali, rambut, dll); **2.** lilit-melilit, saling memilin;

memiuh **1.** memegang sesuatu lalu memilin (memutar); **2.** memulas (sakit perut): *perut ~*; *memiuh-miuh tangan* meramas-ramas tangan;

terpiuh **1.** terpilin, terpulas; **2.** tergeliat, terpelecok (kaki, tangan).

piuh-piuh sj tumbuhan (pokok renek), *Chasalia curviflora*.

piung sl anggota polis.

piuria (Ubat) kehadiran nanah di dlm air kencing.

piut keturunan yg kelima (cucu kpd cucu);

~-miut keturunan yg sudah jauh; *piat~* anak cucu yg sudah jauh.

piutang wang yg dipinjamkan kpd orang (boleh ditagih kembali);

hutang ~ wang yg dipinjam drpd orang lain dan yg dipinjamkan kpd orang lain; *si* ~ orang yg memberikan pinjaman wang;

berpiutang mempunyai wang yg dipinjamkan kpd orang: *yg berhutang membayar dan yg ~ menerima*;

memiutangi meminjamkan wang kpd orang;

memiutangkan menjualkan barang dagangan dll dgn berhutang (pembayarannya dilakukan kemudian);

pemiutang orang atau pihak yg memberikan pinjaman, pemberi pinjaman (hutang).

piuter **1.** aloi yg mengandungi timah (80-90%), plumbum (10-20%), dan kadangkala logam-logam lain spt kuprum dan antimoni; **2.** barangan spt pinggan mangkuk, barang hiasan, dll yg diperbuat drpd logam ini: *kole ~*; *piring ~*.

piza sj makanan yg berasal dr Itali yg diperbuat drpd doh dgn campuran berempah sos tomato, daging, keju, dll.

PJ kep Petaling Jaya.

PJJ kep Pengajian Jarak Jauh.

PJK kep Pingat Jasa Kebaktian.

pk kep pikul.

PKBM kep Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia.

PKI kep Partai Komunis Indonesia.

PKMM kep Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia.

PKPIM kep Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia.

PKPIPTM kep Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu.

plag peranti yg mempunyai dua atau tiga cemat yg disambungkan dgn wayar dan digunakan sbg sambungan elektrik apabila dimasukkan ke dlm soket, palam.

plagiarisme 1. perbuatan mencedok kata-kata, idea, dll drpd karya orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri, penjiplakan; 2. sesuatu yg dijiplak, tiruan, cedokan.

plagiat; memplagiat mencedok kata-kata, idea, dsb drpd orang lain dan menggunakannya sbg karyanya sendiri, menjiplak.

plaintif pihak yg mendakwa (dlm kes sivil yg dibawa ke mahkamah).

plak 1. enapan yg terbentuk pd permukaan gigi yg terdiri drpd campuran air liur, bakteria, dan saki-baki makanan, yg boleh menyebabkan penyakit gusi.

plak II plat drpd gangsa, kayu, dll yg berhias dan berukir sbg tanda peringatan: *sebuah ~ gangsa Renong Berhad.*

plaksejel (plakségél) IB, bp meterai tampal.

planet (planét) sebarang jasad, kecuali komet, meteor atau satelit, yg beredar mengelilingi matahari dlm sistem suria, mis Bumi, Marikh, Utarid, Zuhrah, Jupiter, dll.

planetarium (planétarium) 1. alat yg digunakan utk memperlihatkan susunan dan pergerakan matahari, bulan, planet, dan bintang-bintang di langit; 2. bangunan berkubah yg memuatkan alat yg

digunakan utk tujuan memperlihatkan imej tentang susunan dan pergerakan bintang dan planet di langit.

planetologi (planétologi) kajian tentang planet, termasuklah asal-usul, taburan dan komposisinya.

planimetri (planimétri) ilmu ukur bidang (luas).

plankton sj benda halus (organik) yg terapung-apung di air (menjadi makanan ikan).

planologi IB pengetahuan bkn rancangan pembangunan bandar dll.

plasenta (plasénta) (Ubat) organ yg menghubungkan ibu dgn janin dlm rahim (membekalkan makanan, termasuk oksigen drpd ibu kpd janin dan juga mengeluarkan bahan kumuh drpd janin melalui ibu), tembuni, uri; ~ *previa* kedudukan plasenta yg tidak normal yg boleh mengakibatkan perdarahan yg serius.

plasma sj cecair tidak berwarna yg merupakan sebahagian drpd darah.

plasmodium (Bio) parasit yg dibawa oleh nyamuk tiruk masuk ke dlm darah manusia dan menyebabkan malaria.

plaster **1.** campuran kapur, pasir, simen dan air yg menjadi keras apabila kering utk melapis dinding, siling, lepa, turap; **2.** = ~ *paris* sj serbuk putih yg mengeras apabila dicampur dgn air, biasanya digunakan utk membuat acuan, birai hias, membebat tulang yg patah dsb, kapur paris; **3.** sejalur bahan drpd kain dsb yg berperekat dan berubat utk menampal luka pd kulit;

memplaster menyapu atau menyalut dgn plaster (campuran simen, pasir, kapur dan air), melepai: *kerja ~ tembok rumah itu hampir selesai.*

plastid (Bio) benda-benda halus dlm sel hidup yg menjadi pusat tindakan (pergerakan kimia).

plastik 1. sj bahan sintetik yg warnanya bermacam-macam utk membuat pelbagai jenis alat (pinggan, sisir, alas meja, dll); **2.** kesenian membuat patung dll dgn mengukir atau memahat.

plastis IB 1. mempunyai sifat-sifat yg mudah dibentuk utk menjadikan barang lain; **2.** digambarkan sebagai benar-benar terjadi dll.

plastisin sj bahan tanah liat yg mudah dibentuk-bentuk (digunakan utk membuat patung dll).

plastoponik (Tani) sistem hidroponik yg menggunakan kompos tiruan drpd bahan plastik bagi menggantikan bahan spt habuk kayu.

plat I jarum penyemat, peniti.

plat II kepingan nipis logam, plastik, dsb utk menulis nama, nombor, dsb;

~ *arloji* piring jam tempat ditulis angka; ~ *layar* sarung jari tukang pembuat layar; ~ *nombor* plat yg memaparkan nombor pendaftaran sesebuah kenderaan (spt kereta, motosikal dsb), biasanya dipasangkan di bahagian hadapan dan belakang kenderaan itu; ~ *panas* besi leper, biasanya pd dapur gas atau elektrik yg dipanaskan dgn kuasa elektrik, digunakan utk memasak atau memanaskan makanan dsb.

platelet (platélet) (Bio) sel yg terdapat dlm darah yg membantu pembekuan darah.

platform 1. lantai yg ditinggikan sbg pentas utk penyanyi (pelakon dsb); **2.** lantai yg ditinggikan di stesen kereta api utk memudahkan para penumpang naik turun dr kereta api; **3.** dasar, (prinsip sesuatu parti politik dll), asas perjuangan; ~ *parti* dasar (rancangan dll) parti.

platinum (Kim) unsur logam berharga berwarna putih kekelabuan, tidak kakis, digunakan sbg mangkin, utk membuat barang kemas, dll.

platipus sj binatang kecil berbulu tebal di Australia yg mempunyai paruh spt itik, berkaki renang, berekor leper dan bertelur, *Ornithorhynchus anatinus*.

plato IB dataran tinggi.

platonik semata-mata bersifat spiritual, bukan didorong oleh atau bermotifkan keinginan nafsu syahwat (bkn hubungan persahabatan atau kasih sayang): *hubungan ~ antara Hafiz dgn Zakiah adalah inti novel Langit Pelangi; apakah yg menarik tentang cinta ~?*

platuk Jw picu (senampang dll).

platun sekumpulan tentera (antara 30-40 orang) yg diletakkan di bawah pimpinan seorang leftenan, biasanya dibahagikan kpd tiga seksyen.

playar alat utk memotong (membengkokkan) dawai dll.

plaza **1.** jalan yg diluaskan (dilebarkan) sbg jalan masuk ke sekumpulan rumah tol di sesuatu lebuh raya; **2.** kompleks membeli-belah.

plebisit (plébisit) (Pol) pemungutan suara umum dlm sesebuah negara utk menentukan (menyelesaikan) sesuatu tuntutan (krisis dll).

plecet (plécét) Jk; *wang* ~ wang sogok.

plek (plék) bunyi daun terup dll yg dibanting pd meja dll.

plektrum (pléktrum) (Muz) kepingan logam, plastik dsb yg kecil dan nipis utk memetik tali gitar, mandolin dsb.

pleno (pléno); *rapat (sidang)* ~ rapat atau sidang yg lengkap drpd seluruh anggota.

pleomorfisme (pléomorfisme) kejadian atau kewujudan sesuatu organisma atau hablur yg dapat wujud dlm berbagai-bagai bentuk.

pleonasme (pléonasme) (Lin) penggunaan kata-kata yg tidak perlu dan membazir.

pleura (Ubat) selaput nipis yg melapisi paru-paru dan rongga toraks.

pliding (Udg) pernyataan bertulis secara formal tentang sebab sesuatu tindakan atau pembelaan yg dikemukakan oleh plaintiff dan defendan dlm sesuatu tuntutan mahkamah.

plintir Jw; **diplintir** dipilin, dipulas, dipiuh.

PLN Id kep Perusahaan Listerik Negara.

PLO kep *Palestinian Liberation Organization* (Pertubuhan Pembebasan Palestin).

plombir IB **1.** sj cap drpd timah menandakan telah membayar cukai kenderaan dll; **2.** pengisi gigi yg berlubang;
diplombir diisi (gigi yg berlubang).

plosif (Lin) letupan.

plot jalan cerita (dlm novel, filem, drama, dsb): *adakah ~ dan perwatakannya baik? Adakah buku itu mempunyai nilai yg kekal?*

memplot (Mat) **1.** menandakan titik-titik pd graf; **2.** melukis melalui titik-titik graf;

memplotkan membentuk (menghubungkan) peristiwa-peristiwa dlm sesebuah cerita (novel, sandiwara, dll) yg rapat pertaliannya dgn watak dlm cerita;

pemplot (Komp) peranti output yg melukis lukisan atau graf pd kertas secara automatik dgn menyambungkan titik-titik data satu per satu.

pluerisi (Ubat) radang pd membran yg melapisi paru-paru dan rongga toraks sehingga mengakibatkan rasa sakit pd dada semasa bernafas atau batuk, radang pd pleura.

plum sj tumbuhan (pokok) yg buahnya berbentuk bujur atau bulat, berbiji keras dgn isinya lembut dan masam-masam manis, *Prunus spp.*

plumbum (Kim) unsur logam berwarna putih kebiru-biruan, mulur, lembut, dan digunakan sbg bahan utk membuat paip air, bateri, pateri, dll; *minyak tanpa ~ = petrol tanpa ~* petrol yg kandungan plumbumnya dikurangkan utk mengurangkan pencemaran alam sekitar.

pluralis IB (Lin) lebih drpd satu, jamak.

pluralisme **1.** keadaan yg majmuk, kemajmukan: *motivasi ini kuat bagi faham ~nya tentang ruang dan waktu*; **2.** keadaan masyarakat yg terdiri drpd pelbagai kaum, kebudayaan, kepercayaan agama, dsb: *~ dan kepelbagaian budaya masyarakat antarabangsa perlu dihormati.*

pluralistik bersifat majmuk, berasaskan pluralisme: *masyarakat kita yg ~.*

plus (Mat) **1.** tanda campur (+); **2.** tambah, campur: *dua ~ tiga jadi lima.*

PLUS akronim bagi Projek Lebuh raya Utara Selatan.

Pluto planet yg kesembilan jauhnya dr matahari (paling jauh dr matahari).

plutokrasi pemerintahan yg dikuasai oleh kaum pemodal (kapitalis).

plutokrat orang yg kaya-raja dan berkuasa, orang yg berpengaruh kerana kekayaannya.

plutonium (Kim) sj unsur logam radioaktif yg sangat beracun dan bersifat karsinogen, dan digunakan terutamanya sbg bahan bakar dlm stesen kuasa nuklear dan senjata nuklear.

pm kep *post meridiem* (selepas tengah hari).

Pm simbol kimia bagi prometium.

PM **1.** kep Perdana Menteri; **2.** Id kep Polisi Militer.

Pmg. kep Pemangku: *~ Pengarah Perancangan Bahasa.*

PMN kep Panglima Mangku Negara (pingat kelas kedua dlm Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara, pemegang pingat ini bergelar Tan Sri).

PMR kep Penilaian Menengah Rendah.

PNB kep Permodalan Nasional Berhad.

pneumonia (pnéumonia) (penyakit) radang paru-paru yg menyebabkan kesukaran bernafas kerana sebahagian drpd paru-paru berisi cecair.

pneumatik (pnéumatik) **1.** berkaitan dgn udara, angin, atau gas; **2.** (bkn alat, mesin, dsb) yg dikendalikan oleh udara mampat.

PNI kep Partai Nasional Indonesia.

po C; *main* ~ sj judi dgn menggunakan daun terup kecil.

Po simbol kimia bagi polonium.

pocak Kl memacak, menanam, menghunjam: *pd hari sukan, murid-murid sekalian sibuk ~ bendera di padang.*

poces (pocés) Jk sj permainan dgn menggunakan guli.

poci sj bekas drpd tembikar dll utk memasak kopi (teh dll), cerek, teko.

pocong I Jw; **sepocong** segemal atau secekak padi.

pocong II; *hantu* ~ sj hantu yg berupa mayat yg dibalut dgn kain kafan.

pocot Jw ark pecat.

podak; *pandan* ~ sj tumbuhan (mengkuang), *Pandanus tectoris*.

podar bp bedak halus.

podemporem Id, bp tepung yg berwarna kuning serta kuat baunya utk mengubat kudis dll.

podium pentas kecil tempat seseorang berdiri utk berceramah, memimpin orkestra, dsb: *orang yg hadir bertepuk tangan sebelum beliau naik ke atas ~ yg telah tersedia.*

podo sj tumbuhan (pokok) dlm famili Podocarpaceae, jati, kebal musang, ru bukit, setada, (di Sabah, kayu cina, lampias atau rampayan), landin (Sarawak), *Podocarpus spp.*

pogrom penganiayaan (penghapusan) secara terancang sesuatu kumpulan etnik.

pohon I 1. tumbuhan yg berbatang besar serta keras, pokok: ~ *beringin*, ~ *kenanga*; ~ *sena*; **2.** ki asal mula, pangkal, pokok; ~ *segala kejahatan* asal usul segala kejahatan;

~ *angin awan* (mendung) yg bergumpal-gumpal di kaki langit menandakan angin ribut akan turun; ~ *bahasa* dasar-dasar bahasa; ~ *buah* (*buah-buahan*) pokok yg mengeluarkan buah-buahan; ~ *kayu* batang kayu, pokok kayu; ~ *mata* sudut mata sebelah dalam yg hampir dgn hidung; ~ *telinga* pangkal telinga;

ada angin ada ~nya = *hujan berpohon*, *panas berasal* prb segala perkara itu ada sebab-sebabnya (asal mulanya); *bagaimana ~ tiada akan tumbang dipanah halilintar*, *sebab baluhan kulit ada di batangnya* prb orang yg bersahabat dgn orang jahat (walaupun ia drpd orang besar) akhirnya rosak juga; *spt ~ beringin ditiup angin* prb menentang kekerasan orang tanpa berlemah-lembut;

pohonan ki berbagai-bagai pohon (terutamanya digunakan dlm karya sastera);

pohon-pohonan, pepohonan Jk sekumpulan pohon yg berbagai-bagai jenis, pohon kayu-kayuan;

pepohon pohon-pohon.

pohon II; memohon meminta dgn halus (dgn hormat): ~ *taufik dan petunjuk-Nya*;

memohonkan memintakan dgn halus (dgn hormat); → **mohon**.

pohu Kl **1.** buruk, mudah patah: *lantai jemuran sudah ~, nak salin lain pun tidak ada masa lapang*; **2.** senang hancur, rapuh, reput: *biskut ini ~, sesuai utk makanan kanak-kanak.*

poin **1.** titik, noktah: *dgn pensel dan kayu pembaris sambungkan ~ yg ditanda itu*; **2.** saiz atau ukuran (huruf dsb) kira-kira 0.35 mm: *muka taip tajuk hendaklah antara 12 ~ hingga 60 ~*; **3.** bp sesuatu yg penting dlm sesuatu perbincangan atau perkara: *~ utama dlm perbincangan ini ialah kerja dan fungsi pekerja adalah saling bergantung.*

pojok **1.** penjuru, pelosok, sudut; **2.** ruangan dlm akhbar dll yg memuatkan kata-kata lucu tetapi pedas serta menyindir; *isi ~ karangan-karangan pendek di sudut akhbar.*

pokai bp tidak ada wang lagi, sudah kehabisan wang: *engkau hendak pinjam drpd aku, macam mana aku hendak beri sebab aku pun dah ~.*

pokar Kl kumpulan, peringkat: *dlm ~ yg pertama dua puluh orang telah dinaikkan pangkat.*

pokat; *buah ~ buah adpokat, Persea gratissima.*

pokeng (pokéng) ark tidak berekor, bogel.

poker sj permainan daun terup (biasanya melibatkan pertaruhan wang).

poket (pokét) **I** **1.** kantung yg dijahit pd pakaian (seluar, baju dsb) tempat menaruh sapu tangan, duit, dompet dsb, kocek, saku: *seluarnya mempunyai banyak ~*; **2.** kantung pd pintu kereta, beg pakaian dsb; **3.** beg jaring kecil pd meja biliard, meja snuker dsb tempat bola dimasukkan.

poket (pokét) **II**; *~ udara* kawasan bertekanan rendah di ruang udara yg menyebabkan kapal terbang yg melaluinya terturun dgn tiba-tiba.

pok-o; *minyak ~ minyak angin.*

pokok 1. batang kayu dr pangkal ke atas: *setiap pohon di hutan itu diberi tanda bersilang pd ~nya*; **2.** pohon: ~ *jati*; ~ *kemunting*; ~ *saga*; **3.** ki perkara (bahagian, hal, dll) yg penting atau utama, hal yg menjadi sebab atau lantaran hal yg menjadi asas atau dasar, hal yg jadi ibu (induk), asal usul: *perkara-perkara ~ dlm agama Islam*; **4.** wang pangkal dlm sesuatu perniagaan, modal; ~ *angin awan* (mendung) yg bergulung-gulung di kaki langit menandakan angin ribut hendak turun; ~ *dasar* dasar yg terpenting, asas; ~ *fikiran* asas atau dasar fikiran (faham, pendapat): ~ *hujan* mendung; ~ *hukum* Id asas (dasar) hukum; ~ *kalimat* Id perkataan dll yg menjadi huraian dlm ayat, subjek; ~ *kata* = *kata* ~ kata dasar yg belum diberi penambahan; ~ *memanjat* sj pokok kecil yg hidupnya memanjat pd pokok-pokok besar dll; ~ *pangkal* sebab-sebab yg utama (penting), sebab-sebab yg menjadi dasar, punca, asas, dasar; ~ *pekerjaan* (*pencarian, penghidupan*) pekerjaan yg menjadi asas bagi penghidupan; ~ *pembicaraan* (*cerita, perundingan*) perkara yg dibicarakan (diceritakan, dirundingkan); ~ *penanti* (Tani) pokok yg menerima tunas baka pokok lain yg sama jenis dengannya dlm proses cantuman; ~ *perselisihan* (*percederaan, persengketaan, pertikaian*) sebab-sebab yg memulakan perselisihan dll; ~ *renek* sj pokok kecil yg batangnya berteras; ~ *ribut* awan (mendung) yg menandakan ribut hendak turun; (*pd*) ~*nya* (*pd*) asasnya (dasarnya); ~ *tentera* Id tentera pusat, ibu (induk) tentera;

sepokok satu pokok, sama pokoknya, sama dgn harga beli (modal);

berpokok 1. ditumbuhi pokok, terdapat atau ada pokok: *sebidang tanah lapang yg langsung tidak ~*; **2.** berasal (drpd), bermula (dr); **3.** berasas (pd), berdasar (pd); ~ *pangkal pd* berpunca drpd,

mempunyai sesuatu sbg dasarnya; **4.** berlantaran, bersebab; **5.** bermodal;

memokoki memodali, memberi modal;

memokokkan memusatkan (pd), menumpukan (pd);

terpokok 1. terpenting sekali, terutama sekali; **2.** mempunyai harga spt yg ditetapkan, berharga.

pokrol 1. Id wakil orang yg berperkara di mahkamah (dituduh atau menuduh), peguam, pembela; **2.** bp orang yg pandai bertengkar (berbantah, berbahas, dll);

~ *bambu* a) pokrol (pembela) yg tidak berkelulusan (berkelayakan); b) orang yg pandai bertengkar (berbantah, berbahas, dll); ~ *jenderal* Id ark jaksa agung;

memokrolkan menyerahkan perkara kpd pokrol (peguam);

pokrol-pokrolan bp bertikam lidah, berlawan berbicara (bertengkar dll).

pokta sl tersangat indah (mulia), tidak ada bandingnya, (yg) terbaik.

pol I IB, bp **1.** penuh; **2.** sudah sampai ke peringkat yg sehabis tinggi atau banyak (kekuatan, masa kerja, gaji, dll): *dr warung-warung kopi dan restoran-restoran kecil yg punya radio, radionya dipasang ~*; **3.** selesai dibayar, lunas;

dipolkan bp **1.** dipenuhi; **2.** dibayar semua, dilunasi; **3.** dibiarkan sehingga habis.

pol II Id, bp volt.

pol III ukuran panjang yg bersamaan dgn $5\frac{1}{2}$ ela.

pola 1. lukisan utk contoh batik; **2.** corak batik (tenun dll), rasi, suri; **3.** contoh, model, patrun: *kadang-kadang ~ yg diambil utk pembentukan kata baru itu terdapat dlm bahasa daerah pula; ada empat ~ ayat dlm bahasa Melayu*;

berpola mempunyai pola: *sampel ~*;

berpolakan menggunakan sesuatu sbg pola: *sajak “Balada Pemuda dan Dara” ~ sajak-sajak W. S. Rendra.*

polah Mn; **berpolah-polah** terlalu mewah, kemewahan.

polak NS panas, radang.

polan; *si ~ si anu* (sebutan kpd orang yg tidak diketahui namanya).

polang I; *~-paling* berpusing-pusing dan berubah-ubah arahnya (bkn angin).

polang II; *~-poleng* Jk a) berwarna belang-belang (berkotak-kotak) spt tapak catur; b) berbelang-belang, bertelau-telau.

polangan NS dalal (yg menjual kambing).

polarisasi keadaan terdapatnya atau proses berlakunya dua pihak (prinsip, kecenderungan, pendapat, dsb) yg bertentangan sama sekali: *pd masa lalu, soal ~ antara kuasa di kalangan pelajar tidak wujud kerana mereka mempunyai satu tujuan utk mencapai kecemerlangan dlm pelajaran;*

berpolarisasi mengamalkan polarisasi: *tetapi struktur kuasa dan pengaruh di dunia tidak lagi ~ dlm semua isu.*

polaroid bahan plastik yg mempunyai sifat mengutubkan cahaya yg lalu menerusnya dan digunakan sbg turas yg mengurangkan silauan matahari: *kaca mata ~.*

poldan IB, bp sudah selesai dibayar.

polder (Geog) kawasan tanah rendah (tepi laut, tasik, dll) yg telah dikeringkan dan diperbaiki dgn menggunakan empangan.

polek (polék) Kl benda likat (getah, tanah liat, gam, dll) yg menyelaputi tangan (kayu dll).

polemik (polémik) perbahasan (perdebatan, perbantahan) dgn rencana atau tulisan dlm surat khabar (majalah dll): *wujudkan ~ yg sihat mengenai keilmuan ataupun isu semasa;*

berpolemik berbahas atau berbantah dlm surat khabar (majalah dll): *memupuk semangat ~ di kalangan cerdik pandai;*

mempolemikkan membahaskan sesuatu pendapat (isu) dsb dlm bentuk polemik.

polemis IB bersifat polemik.

poleng (poléng) I Jw berwarna atau bercorak tapak catur (damdam); Æ
polang II.

poleng (poléng) II Kl berpusing dr arah yg asal;

memoleng memusingkan (ke arah lain).

poles (polés) IB sj bahan (tepung, minyak, dll) yg digunakan utk menggosok dan mengilatkan sesuatu;

memoles menggosok dan mengilatkan dgn poles;

polesan yg telah dipoles, hasil memoles.

polet (polét) IB 1. sepotong kain (logam dll) yg dipasangkan pd bahu baju utk menandakan pangkat; 2. bp garis yg berwarna atau takik pd batang kayu sbg tanda; → **epolet**.

poli Kl sj kuih yg dibuat drpd ubi kayu (gula dll) yg dikukus.

poli- *awalan asing* banyak, mis *poligami, poliklinik* dan *poliglot*.

poliandri (Ant) amalan bersuami lebih drpd satu orang pd masa yg sama.

polidipsia (Ubat) kehausan yg teruk dan berpanjangan, spt pd penyakit kencing manis.

poliester (poliéster) (Kim) sj polimer yg digunakan utk membuat plastik, resin, serat tiruan, dll.

polietena (poliéténa) → **politena**.

polietilena (poliétiléna) → **politena**.

poligami (Ant) amalan beristeri lebih drpd satu orang pd masa yg sama;

berpoligami mengamalkan poligami, mempunyai lebih drpd seorang isteri pd masa yg sama: *sekiranya dikhuatiri sukar*

berlaku adil, janganlah ~, kelak sukar hendak dijawab di akhirat nanti.

poliglot 1. mengetahui, menguasai, atau mengandungi banyak bahasa; **2.** orang yg dapat bertutur dlm beberapa bahasa.

poligon (Mat) bidang atau rajah yg bersudut lebih drpd empat.

poligraf (Ubat) alat utk merakam berbagai-bagai gerak balas fisiologi secara serentak, spt gerakan gelombang nadi, pernafasan dan tekanan darah.

polihedron (polihédron) (Mat) bongkah yg dibatasi oleh beberapa permukaan bersegi, dgn bilangan permukaan tersebut tidak kurang drpd empat.

poliklinik hospital atau klinik tempat merawat berbagai-bagai penyakit.

polimer (Kim) sebatian (sama ada terbentuk secara semula jadi atau buatan) spt kanji, politena, dll yg terdiri drpd molekul kompleks yg terbentuk drpd gabungan unit-unit kecil (ringkas) yg serupa.

polinomial 1. (Bio) nama haiwan atau tumbuhan yg terdiri lebih drpd dua nama atau sebutan; **2.** (Mat) ungkapan yg mengandungi lebih drpd dua angka atau nilai.

polio singkatan bagi poliomiélitis.

poliomiélitis (poliomiélitis) penyakit berjangkit serius yg disebabkan oleh sj virus yg boleh mengakibatkan pesakitnya mengalami kelumpuhan, terutamanya di kalangan kanak-kanak.

polip 1. sj binatang laut yg hidup di batu karang; **2.** sj ketumbuhan yg berlaku pd sebarang membran mukus, mis dlm hidung.

polipektomi (polipéktomi) (Ubat) pembuangan polip (ketumbuhan) secara pembedahan.

polipeptida (polipéptida) (Kim) polimer asid amino (mis keratin, protein, dll), yg rantainya terdiri drpd beratus-ratus unit asid amino.

polis 1. pasukan yg menjaga keamanan negara dan penguatkuasaan undang-undang; 2. anggota pasukan polis, mata-mata;

~ *hutan* pasukan polis yg bertugas menjaga keamanan di kawasan sempadan; ~ *lalu lintas* = ~ *trafik* polis yg mengawal keselamatan lalu lintas; ~ *marin* polis yg bertugas menjaga keselamatan di laut; ~ *pencegah rusuhan* pasukan polis yg ditugaskan utk mencegah (memberhentikan) rusuhan (tunjuk perasaan dll); ~ *rahsia* pasukan polis yg ditugaskan utk mencari (mengintip) rahsia; ~ *simpanan* pasukan polis yg diambil bertugas pd masa darurat (kecemasan dll); ~ *tentera* pasukan tentera yg bertugas sbg polis (mengawasi tentera);

kepolisian yg berkaitan dgn polis (pd pelbagai aspek), berkaitan dgn urusan (tugas dan tanggungjawab, kegiatan, dll) polis: *Polis Diraja Malaysia akan memberikan latihan ~ kpd orang ramai bagi mencegah jenayah; Institusi ~.*

polisakarida (Bio) karbohidrat yg menghasilkan beberapa banyak unit monosakarida (spt glukosa) apabila diuraikan.

polisemi (Lin) sesuatu bentuk kata, ungkapan, dsb yg mempunyai lebih drpd satu makna yg bertalian rapat antara satu sama lain.

polisi I rancangan tindakan yg telah dipersetujui secara rasmi sbg asas utk membuat atau melaksanakan sesuatu keputusan, dasar; ~ *kerajaan* dasar kerajaan.

polisi II dokumen yg mengandungi kontrak insurans; ~ *insurans* dokumen perjanjian yg mengandungi syarat-syarat perlindungan insurans.

polisi III IB polis;

kepolisian yg berkaitan dgn polis (pd pelbagai aspek), kepolisian.

polisionil IB bersifat polis, mengenai polis; *aksi* ~ bp gerakan tentera yg bertujuan utk memulihkan keamanan.

polistirena (polistiréna) (Kim) sj polimer yg digunakan sbg bahan pembungkusan dll.

politburo (Pol) badan penggubal dasar tertinggi di kebanyakan negara komunis atau dlm parti komunis.

politeisme (politéisme) kepercayaan kpd lebih drpd satu Tuhan.

politeknik (politéknik) pusat pengajian tinggi yg menawarkan pelbagai kursus, terutamanya dlm bidang sains dan teknik.

politena (politéna) (Kim) sj polimer yg digunakan utk membuat pembungkus (pembalut), paip, dll.

politik 1. = *ilmu* ~ ilmu (pengetahuan) bkn cara pemerintahan (dasar-dasar pemerintahan dll), ilmu siasah, ilmu kenegaraan: *pentingnya pengetahuan ~ kpd setiap rakyat negara yg mengamalkan pemerintahan demokrasi sudah tidak dapat disangkal lagi*; **2.** segala sesuatu bkn pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dgn negara lain: *dasar luar negeri kita adalah bebas tetapi menentang penjajahan dlm ~ antarabangsa*; *diayah* ~ penyebaran pengetahuan (ajaran) politik; *parti* ~ pertubuhan yg bergiat dlm bidang politik; *tokoh* ~ ahli politik yg terkemuka (terkenal); **3.** kelicikan, muslihat, tipu muslihat;

~ *parti* kegiatan politik yg dijalankan utk, melalui atau oleh parti: *beliau telah diberi peluang berkecimpung dlm kegiatan ~ parti walaupun pengalamannya masih cetek*; ~ *wang* kegiatan menyogokkan atau memberikan wang oleh ahli politik kpd kumpulan orang atau individu tertentu utk mendapatkan sokongan, terutamanya utk pemilihan sesuatu jawatan penting dlm parti dsb;

berpolitik mengambil bahagian dlm politik, menjalankan (mengamalkan) politik: *keadilan ~ adalah subjektif*;

mempolitikkan memasukkan ke dlm urusan politik, menjadikan sbg urusan politik, menjadikan (sesuatu) kelihatan ada kaitannya

dgn politik: *Menteri Pendidikan telah menjelaskan bahawa banyak pihak telah ~ isu-isu tersebut tanpa memahami perkara yg sebenar yg akan dijalankan oleh kerajaan;*

kepolitikan perihal politik;

pempolitikan perbuatan mempolitikkan sesuatu perkara (isu).

politiking bp kegiatan yg dilakukan utk kepentingan politik, mis berkempen utk memancing undi, menonjolkan diri seseorang utk mencapai sesuatu tujuan, dll:~ *berlaku apabila seseorang yg belum layak dinaikkan pangkat mencuba menggunakan pihak-pihak luaran dan dalaman sesebuah organisasi; kurangkan ~ dan hindarkan kecam-mengecam ke arah pembangunan rohani rakyat seluruhnya.*

politikus IB ahli politik, ahli kenegaraan.

polivinil (Kim) kumpulan polimer (spt vinil klorida, vinil asetat, dll) drpd vinil.

polka (Muz) **1.** sj tarian rakyat Bohemia: *tarian ~*; **2.** muzik yg digubah utk mengiringi atau mengikut rentak tarian **1.** di atas: *muzik ~*.

polmah, polmak IB **1.** bp surat kuasa; **2.** orang yg diberi kuasa, kuasa.

polo sj permainan bola yg melibatkan dua pasukan pemain yg menunggang kuda dan menggunakan kayu panjang sbg pemukul bola utk memasukkan bola ke dlm gol; ~ *air* sj permainan bola di air.

polok; memolok makan dgn menyuap banyak-banyak sekali dan pantas.

polong I 1. sj hantu yg suka mengacau orang (membuat orang sakit); **2.** sj penyakit urat saraf (kerana kena guna-guna); *spt ~ kena sembur prb berlari dgn pantas kerana ketakutan (jera dll).*

polong II; *kacang ~* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Canavalia gladiata.*

polong III sj bunga cengkih (lawang).

polong IV; ~ *angin* sj bintil-bintil pd kulit.

polong V; **polongan** Mn saluran air, pipa (air dll), berombong;

berpolongan Mn mempunyai polongan; ~ *air*, *bertitian asap* prb
Mn mempunyai sahabat yg mencarikan kita keuntungan (kerana
pernah memberi pertolongan kepadanya).

polonium (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

polos 1. tidak bercorak atau berbunga (kain dll); **2.** sangat lurus (hati,
fikiran, dll), tidak berniat jahat.

poma = **poma-poma** Jw ark benar-benar (jangan), hubaya-hubaya
(jangan), sekali-kali (jangan).

pomade IB sj minyak rambut yg wangi.

pompa IB **1.** sj perkakas utk menghisap dan mengeluarkan (air, angin,
dll), pam minyak kereta dll; **2.** perkakas utk menghisap benzin (pd
enjin);

~ *air* pam utk mengambil (mengeluarkan) air; ~ *angin* pam utk
memasukkan angin ke dlm tayar kereta dll; ~ *benzin* pam minyak
(tempat mengambil minyak kereta dll);

memompa 1. mengepam: ~ *air dr sungai*; **2.** bp memasukkan
(pelajaran, pengetahuan, dll) banyak-banyak, mengajar banyak-
banyak;

memompakan 1. menyuruh mengepam; **2.** mengepam utk orang
lain; **3.** bp memasukkan banyak-banyak dgn paksa (pengetahuan
dll): *aku terlalu sibuk ~ soal-soal politik ke kepalaku*;

pompaan sesuatu yg dipompa;

pemompaan perbuatan memompa.

pompang Kd, Pn sj jaring utk menangkap ikan.

pompong I sj sotong yg kecil.

pompong II → **kepompong**.

pompong III Mn; **kepompongan** bingung, kebingungan, gelisah, resah.

pompong IV ark; **memompong** membopong, mendukung.

pompong V sj tumbuhan (pokok dan buahnya), bentan, buta-buta
pongpong, *Cerbera manghas*.

ponakan Jw anak saudara, kemanakan, keponakan.

ponco sj pakaian berupa selimut yg (dibuat drpd kain persegi empat) dgn
lubang di tengah.

pondamen (pondamén) IB dasar atau tapak (rumah dll).

pondan 1. laki-laki yg lebih bersifat keperempuanan, banci, kedi, papak,
ponen; **2.** ark perempuan yg lebih bersifat kelelakian.

pondar Mn pendek dan gemuk (tubuh badan).

pondik Mn angkuh, pongah, sombong.

pondoh Jw umbut.

pondok 1. rumah kecil yg didirikan utk sementara (di sawah, di ladang,
dll), dangau, gubuk, teratak; **2.** rumah (utk merendahkan diri
apabila bercakap dgn orang); **3.** Jk rumah kecil yg tidak elok
(berdinding buluh beratap rumbia dll); **4.** Jw madrasah dan asrama
tempat mengaji (belajar agama dll); ~ *telefon* bangunan kecil
tempat telefon utk kegunaan orang ramai;

memondok menumpang tinggal dan makan;

memondokkan 1. memberi tempat menumpang (di rumah orang
dll), menumpangkan (di rumah orang dll); **2.** memberi tempat
menumpang;

pondokan 1. = **pemondokan** rumah tumpangan, rumah tempat
menginap; **2.** tumpangan, penginapan.

pondong I; memondong membawa sesuatu dgn meletakkannya di atas
kedua-dua belah lengan.

pondong II sj atap atau para-para utk melindungi tanaman yg masih
kecil drpd hujan dan panas.

ponen (ponén) Kd, PI, Pn banci, kedi, papak, pondan.

pong bunyi spt bunyi barang dll yg jatuh di air.

pong-pong I; ~ *along* sj permainan kanak-kanak, seruan (nyanyian) pd sj permainan kanak-kanak.

pong-pong II; *burung* ~ sj burung *Mocronus ptilosus*.

pongah I sangat sombong, angkuh, bongkak, congkak: *dgn ~ engkau membusungkan dada mengatakan engkau Tuan Pengarah*;

berpongah-pongah berlagak (berkelakuan dll) sombong, bercakap sombong;

memongahkan menyombongkan, memperagakan, memperlagakkan;

kepongahan keangkuhan, kecongkakan, kesombongan.

pongah II Jk bebal, bodoh, dungu;

dipongah dibodohkan, dipertainkan, ditipu.

pongang → **sipongang**.

ponggek (pongék) Kl belakang sekali, pengakhir, penghujung.

ponggek I tidak berekor, kudung ekornya, togel.

ponggek II Mn; **terponggek** kelihatan melonggek, duduk bercangkung:

kadang-kadang guru hanya duduk ~ di sekolah dgn tiada seorang pun muridnya.

pongia Pl sj pisau utk memotong padi.

pongkang Jk; *balik-~* pulang balik;

terpongkang 1. terbalik (yg di bawah ke atas); **2.** tertonggeng.

pongkes (pongés) **1.** sj bakul yg tohor utk mengisi dan mengangkat tanah (sampah dll), pengki; **2.** sj alat (drpd rotan) yg leper utk menangkis pukulan dll.

pongking Jh; **terpongking** tertonggeng.

pongkol Kl perengus.

pongoh Kl perengus.

pongpong sj tumbuhan (pokok), *Cerbera manghas*; ~ *raya* sj tumbuhan (pokok), *Adinandra macrantha*.

pongsu I ark anak bukit, busut; **pusu I**.

pongsu II; *merak* ~ = *kuang* ~ sj burung; → **kuang I**.

poni bp satu cara mendandan rambut dgn mengaturnya kemas-kemas di dahi: *potong* ~ = **berponi**;

berponi mempunyai potongan rambut cara poni.

ponis IB keputusan mahkamah (pengadilan); *menjatuhkan* ~ memutuskan perkara.

ponjen (ponjén) dompet, kantung, pundi-pundi.

ponjok Tr bungkus (drpd kain, plastik, dll), punjut: *tolong masukkan kain itu ke dalam* ~ *supaya senang dibawa*.

ponok bonggol pd tengkuk (lembu dll), kelasa.

pontang-panting 1. bertaburan di sana sini, berselerak, kucar-kacir; **2.** berlari tunggang-langgang (lintang-pukang); **3.** berlari rebah bangun, rebah berguling-guling, bangun tergesa-gesa;

berpontang-panting berlari rebah bangun, rebah berguling-guling, pontang-panting;

memontang-mantingan 1. mengucar-ngacirkan, menyerak-nyerakkan; **2.** mengguling-gulingkan, melempar-lemparkan, menghumbankan;

terpontang-panting berlari tunggang-langgang.

ponten (pontén) I IB, bp markah (peperiksaan, ujian dll);

memonten memberi markah.

ponten (pontén) II IB, bp pancutan air (di taman dll).

ponten (pontén) III bp; ~ *pen* pena yg diisi dgn dakwat.

ponteng (ponténg) bp **1.** kecoh, tipu; **2.** lari drpd tugas (tanggungjawab dll): *jarang yg ~ kerja melainkan kalau terhalang*;

memonteng 1. mengecoh, menipu: *dia akan menggunakan segala kepandaian utk mengecek dan ~ perempuan*; **2.** bp meninggalkan tugas (tanggungjawab dll) tanpa kebenaran.

pontoh sl gelang besar yg berukir dgn naga dll (dipakai di lengan sebelah atas).

ponton IB pontun.

pontun bot yg rendah dan lebar, atau platform terapung, biasanya digunakan utk menyangga atau menggalang jembatan dsb; *jembatan ~* jembatan sementara yg disangga atau digalang dgn pontun.

pooh; *minyak* ~ sj minyak yg berangin.

pop populer; *lagu* ~ lagu (nyanyian) yg populer; *penyanyi* ~ penyanyi lagu populer.

popadom sj keropok yg nipis, rangup dan mempunyai rasa yg agak masin, biasanya dimakan dgn nasi dan kari, yg asalnya merupakan makanan masyarakat India.

popi I sj tumbuhan (herba yg berbunga merah), *Papavar somniferum*.

popi II IB, bp anak-anakan, boneka.

popia sj kuih yg berinti sayur-sayuran dan bersalut dgn tepung yg nipis.

poplin sj kain cita yg agak berkilat.

popok I Jw; *kain* ~ kain utk mengalas bayi, lampin.

popok II; popokan ark sj hantu, momok.

popong → **pongpong**.

popor Jk gagang (pangkal) senapang.

popular digemari atau disukai ramai: *mengapa lagu-lagunya dlm waktu yg singkat menjadi demikian ~?; bintang-bintang filem yg ~;*

mempopularkan menjadikan popular (disukai ramai): *hal ini tidak pula bererti bahawa saya tidak dapat dan tidak ada hak menulis novel utk ~ perjuangan pemuda-pemuda Indonesia;*

kepopularan perihal popular, populariti: *utk mengembangkan ~ di luar negara.*

populariti kepopularan.

populasi **1.** jumlah semua orang yg mendiami sesuatu tempat (negara, negeri, daerah, dsb), penduduk; **2.** kumpulan individu sesuatu spesies (haiwan dan tumbuhan) yg terdapat di sesuatu kawasan geografi atau habitat tertentu.

populis (Pol) orang yg menyokong faham populisme.

populisme (Pol) aliran atau fahaman yg mempertahankan serta menyanjung pendapat, hak dan kepentingan rakyat biasa.

porah Mn suka menghabiskan wang, boros, royal;

berporah-porah beroyal-royal.

porak-parik porak-peranda.

porak-peranda **1.** (keadaan) tidak tenteram (huru-hara dsb), kucar-kacir: *kampung kami yg aman damai menjadi ~; masalah ini boleh mengakibatkan ~ dlm masyarakat; ada juga yg menganggap isu itu sbg punca berlakunya ~ dan keruntuhan sesebuah rumah tangga;* **2.** cerai-berai, berserak;

memporak-perandakan menjadi porak-peranda (kacau-bilau, kucar-kacir, morat-marit): *perbuatan itu akan melahirkan permusuhan dan boleh ~ masyarakat;*

keporak-perandaan perihal porak-peranda.

porang Kl tempat kapur.

poren (porén) Jh sj ikan terubuk yg besar.

poreng (poréng) Tr comot.

pori Id liang-liang halus pd kulit (benda padat).

PORIM akronim bagi *Palm Oil Research Institute of Malaysia* (Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia).

PORLA akronim bagi *Palm Oil Registration & Licensing Authority*
(Lembaga Pendaftaran & Pelesenan Minyak Kelapa Sawit).

porno singkatan bagi pornografi.

pornografi 1. penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian, dll) dgn cara yg mengghairahkan atau yg bertujuan utk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan, dsb), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dsb secara lucu; **2.** segala bahan (spt filem, gambar foto, dan bahan bacaan) yg bertujuan utk membangkitkan nafsu seks, segala bahan (spt filem, terbitan, dsb) yg lucu.

porok I ark separuh tempurung (utk permainan kanak-kanak); *main* ~ bermain dgn porok (tempurung dipusingkan dgn kaki dan diarahkan ke suatu bulatan); **temporok.**

porok II Br pokok kecil atau tumbuh-tumbuhan yg boleh dimakan.

porok III IB garpu.

porong tanda-tanda hitam pd badan (sejak dilahirkan).

poros I 1. = *gandar* ~ gandar roda dll; **2.** hujung atau puncak tiang (tombak, piramid, dll); **3.** Id pemain bola sepak yg di tengah-tengah (antara hafbek kanan dgn hafbek kiri).

poros II berliang-liang kecil (pd kulit atau benda padat).

porot Jk; **memorot, memoroti 1.** melubangi (guni beras dll), menggerit, menggigit; **2.** mencuri (beras dlm guni dll).

porselin sj bahan yg dibuat drpd campuran tanah liat, kuarza, dll yg dipanaskan sehingga menjadi pepejal putih yg licin, keras, dan digunakan utk membuat perkakas dapur dan makmal dsb, tembikar.

porsetel (porsetél) IB anjuran, cadangan, usul;

memporsetelkan menganjurkan, mencadangkan, mengusulkan.

porseter (porsétér) IB, bp ketua.

porsi IB **1.** bp sepinggan makanan (di kedai makan dll); **2.** bp bahagian yg tertentu utk dikerjakan (diselesaikan dll).

port (Komp) pangkal atau hujung sesuatu saluran penghantaran.

portal (Komp) laman web yg mempunyai hubungan dgn pelbagai laman web yg lain, biasanya boleh dicapai melalui Internet.

porter **1.** orang yg bekerja mengangkat barang (di stesen kereta api dsb); **2.** penjaga pintu di gudang (pejabat dsb).

portfolio **1.** bidang tugas dan tanggungjawab seseorang menteri; **2.** keseluruhan pelaburan yg dipegang oleh seseorang individu atau sesebuah syarikat; **3.** (S.Lukis) bekas mudah alih utk membawa kertas, dokumen, lukisan dsb;

berportfolio memegang atau mempunyai portfolio: *kepelbagaian pasaran modal menarik portfolio pelaburan yg kukuh serta menarik perhatian pelabur ~; Menteri Tak B~* Menteri yg tidak mempunyai Kementerian atau jabatan(-jabatan) tertentu di bawah penguasaan dan tanggungjawab.

portir IB, bp penjaga pintu (di pejabat dll).

porto IB bayaran atau belanja mengirinkan surat dll dgn pos.

pos **I** **1.** sistem atau perkhidmatan menghantar surat, bungkusan, dsb: *tawaran-tawaran yg tidak dihantar melalui ~ hendaklah dimasukkan ke dlm peti tawaran di pejabat itu; pejabat ~ = Id kantor ~ pejabat tempat mengirim surat (wang dll); kartu (kad) ~ Id kad bersetem yg dijual di pejabat pos dan boleh dikirim melalui pos pd kadar yg lebih rendah drpd surat yg bersampul; kereta ~ kereta yg menjalankan urusan jabatan pos; 2.* surat, bungkusan, dll yg dihantar melalui pos; **3.** Id kereta (kuda dll) yg menguruskan kiriman surat dll pd zaman dahulu; **4.** Id ark perhentian kereta pos pd zaman dahulu; **5.** Id, bp perhentian kereta api dll, stesen;

~ *berdaftar* perkhidmatan menghantar surat, bungkusan dsb yg didaftarkan, biasanya dikenakan bayaran yg lebih mahal sedikit dan diberi ganti rugi sekiranya surat, bungkusan dsb itu hilang atau rosak; ~ *laju* sistem atau perkhidmatan menghantar bungkusan, surat dsb dgn cepat yg disediakan oleh jabatan pos atau syarikat tertentu;

mengepos mengirim (surat dll) melalui pos;

mengeposkan mengepos utk: *dia pergi ke pekan utk ~ kakaknya surat.*

pos II 1. pondok atau tempat polis (tentera dll) berjaga: *si Amat masih menjaga ~nya*; **2.** jawatan atau kedudukan orang yg menjalankan tugas (pegawai dll); **3.** Id rumah atau tempat orang menjaga (mengawasi) gunung berapi dll.

pos III Id 1. sejumlah wang bagi peruntukan sesuatu keperluan (pekerjaan dll); **2.** bahagian drpd anggaran belanja.

posisi IB 1. kedudukan, letaknya: *kita tak mahu membahayakan ~ tentera kita*; **2.** jawatan (dlm pekerjaan dll), pangkat; **3.** letak sesuatu perkataan dlm ayat.

positif 1. pasti, tegas, tentu, tetap; **2.** lwn negatif (elektrik dll); **3.** gambar yg diambil dgn kamera yg sudah jadi (bukan pd filem), gambar foto yg sebenarnya (bukan negatif); **4.** memperlihatkan (mengemukakan, menekankan, dsb) sesuatu yg baik atau yg boleh mendatangkan manfaat dsb: *sikap-sikap ~*;

mempositifkan menjadikan positif (pasti, baik, membina dsb): *beberapa langkah perlu diambil utk ~ pengaruh media dan komunikasi terhadap keluarga dan remaja; anda perlu ~ pemikiran anda*;

kepositifan perihal, keadaan atau sifat positif (pasti, baik, membina dsb).

positivis orang yg mendukung faham positivisme.

positivisme aliran falsafah yg menganggap bahawa ilmu pengetahuan itu semata-mata berdasarkan pengalaman dan ilmu yg pasti (berlawanan dgn metafizik).

positron (Fiz) sj zarah bercas positif yg jisimnya sama dgn elektron (tetapi berlawanan cas).

poskad kad yg biasanya bergambar pd sebelah hadapannya dan pd sebelah belakangnya boleh ditulis khabar berita dan alamat (dan dikirim melalui pos).

poskod nombor (atau huruf) yg ditetapkan bagi zon (kawasan, jalan, dsb) tertentu bagi memudahkan urusan pos.

posmen (posmén) pekerja pos yg ditugaskan menghantar bungkusan, surat, dll.

poso ark sj bahagian drpd perkakas tenun.

pospaket (pospakét) IB bungkusan yg dikirim melalui pos.

poster notis atau gambar yg ditampal pd dinding atau papan kenyataan, terutamanya utk mengiklankan sesuatu.

posterior (postérieur) (Bio) **1.** terletak berhampiran dgn bahagian belakang, atau di bahagian belakang sesuatu struktur yg lain, pd tubuh: *pituitari* ~; **2.** terletak paling hampir dgn batang utama (bkn bahagian tunas atau bunga sisi).

post-mortem **1.** pemeriksaan dan pembedahan mayat utk menentukan sebab-sebab kematian, autopsi; **2.** pemeriksaan sesuatu rancangan yg gagal utk mengetahui sebab kegagalannya.

postulat sesuatu yg dianggap benar, atau diterima sbg asas penaakulan atau perhitungan, sesuatu usul yg dikemukakan sbg bukti kebenaran: *mengikut ~ Henle-Koch, sesuatu organisma boleh menjadi agen penyebab sekiranya wujud dan cukup utk menimbulkan penyakit.*

postur posisi atau sikap tubuh seseorang, terutamanya semasa duduk, berdiri dsb: ~ *yg baik menonjolkan imej yg positif*.

poswesel (poswésél) IB kiriman wang melalui pos.

posyen minuman yg mengandungi ubat, racun atau sesuatu yg dipercayai mempunyai kuasa ajaib.

pot I 1. bekas yg dibuat drpd tin, tin; **2.** Id, bp jambangan bunga, pasu bunga; **3.** Id, bp tempat buang air kecil, pispot.

pot II Kd, Pl; *macam muka* ~ bp muka yg berkedut-kedut (tidak sedap dipandang).

potamologi kajian yg berkaitan dgn sungai.

potasy (Kim) **1.** bahan kalium karbonat yg digunakan utk membuat sabun dll; **2.** = ~ *kaustik* kalium hidroksida.

pote Kl puncak yg tertinggi.

potehi (potéhi) C sj wayang golek Cina.

poten (Ubat) **1.** mempunyai kesan kimia atau fizikal yg kuat (bkn dadah, racun dsb); **2.** berupaya melakukan hubungan seks dgn berkesan (bkn orang lelaki).

poteng (poténg) Kl pusing, paling, putar.

potensi (poténsi) kemampuan (mencapai, menghasilkan, atau melakukan sesuatu), kebolehan, kekuatan, kesanggupan, keupayaan utk berkembang maju dsb: *EEC akan memberikan penerangan kpd Asean tentang hasil kajian berhubung dgn ~ usaha sama antara negara-negara Asean;*

berpotensi mempunyai potensi, berkemampuan, berkebolehan, berkesanggupan, berkeupayaan (utk berkembang maju dsb): *rasional, sikap yg mengabaikan pasaran ASEAN yg jelas ~ sesungguhnya sukar hendak difahami; pemimpin yg ~; adakah kata-kata itu ~ utk digunakan?*

potia C sj mandur, pengawas.

potlot pensel.

potol Jk **1.** rompang, terpenggal; **2.** ki kehabisan wang.

potometer (potométer) (Bio) alat utk mengukur kadar transpirasi tumbuhan.

potong **1.** kerat, penggal, hiris: *beberapa ~ roti*; **2.** bp penjodoh bilangan utk baju (kain, seluar, bungkusan barang, dll): *biasanya aku mendapat se~ baju drpd ibuku*; **3.** = **memotong** memenggal, mengerat; *rumah ~ rumah* (tempat) menyembelih lembu dll; *tukang ~ a)* orang yg memotong (menyembelih); b) tukang gunting rambut; c) tukang sunat, mudin;

~ ayam a) memotong (menyembelih) ayam; b) sj sumpah pd orang Cina; *~ leher* a) memenggal leher, b) bp meletakkan harga yg terlalu tinggi (memeras); c) ki dgn sengaja mencari kesusahan (menghilangkan mata pencarian sendiri); *~ rambut* menggunting rambut; *~ ramus* sj guntingan rambut (laki-laki); *~ trip* bp memotong giliran (peluang) orang; *~ wajik* bentuk wajik yg dipotong menyerong; *~ hidung rosak muka* prb membuat sesuatu yg tidak baik kpd keluarga sendiri akhirnya dia juga yg mendapat malu (kesusahan);

berpotong dipotong: *kain yg di dlm kotak itu masih belum ~*;

berpotong-potong berkerat-kerat, berpenggal-penggal;

memotong **1.** memutuskan sesuatu dgn pisau (gergaji dll), memenggal, mengerat; **2.** menghiris (daging, ikan, dll); **3.** menebang (kayu, pokok, dll); **4.** menyembelih (binatang dll); **5.** menggunting (rambut), memangkas; **6.** menggunting (pakaian dll); **7.** menuai (jagung, padi, dll); **8.** mengudungkan (tangan dll); **9.** membedah (perut dll); **10.** mengurangi (gaji, pendapatan, dll); **11.** memintasi (jalan, perjalanan, dll); **12.** menyelang (percakapan,

orang, dll); **13.** memendekkan (kata, nama, dll); **14.** menoreh (getah);

potong-memotong 1. saling memotong (melintasi); **2.** pekerjaan menggunting (pakaian);

memotongkan 1. memotong utk orang, menyuruh memotong; **2.** menggunakan pisau dll utk memotong, memotong dgn; **3.** = **memperpotongkan** mengira-ngira dgn cara memotong gaji (pendapatan dll) yg akan diperoleh; *memperpotongkan hutang-piutang* mengurangkan hutang-piutang;

terpotong dapat dipotong: *sebatang kayu pun tidak ~ pd petang itu kerana mereka terlupa membawa gergaji;*

potongan 1. bahagian-bahagian kecil atau pendek yg didapati setelah memotong sesuatu yg (lebih) besar atau panjang, keratan, penggalan; **2.** cara memotong baju (seluar dll), guntingan: ~ *baju*; **3.** bentuk (muka, rumah, dll); ~ *badan*; ~ *muka*; ~ *rumah*; **4.** pengurangan gaji (harga dll): ~ *gaji*; **5.** kependekan kata (nama dll);

pemotongan 1. perbuatan memotong (mengerat, menggunting, memenggal, dsb) pengeratan, pemenggalan: *jenayah curi yg membawa kpd hukuman ~ tangan*; **2.** penyembelihan; **3.** pemintasan (jalan dll); **4.** pengurangan (gaji, harga, dsb);

pemotong 1. orang yg memotong; **2.** alat utk memotong.

potpuri rampaian kelopak bunga dan daun kering, rempah dsb yg berbau harum, gunanya utk mengharumkan sesuatu persekitaran (bilik, ruang dsb).

potret (potrét) 1. gambar yg diambil dgn menggunakan kamera, foto; *tukang* ~ tukang gambar; **2.** gambar orang yg dilukis;

memotret **1.** mengambil gambar dgn kamera, membuat foto: *kedua-dua pelancong itu sibuk ~ bangunan-bangunan pencakar langit dan warung-warung kecil*; **2.** melukis potret;

pemotretan hal atau perbuatan memotret.

pemotret **1.** tukang potret; **2.** = *alat* ~ alat utk memotret; **3.** pelukis sesuatu potret.

poyan → **empoyan II.**

poyang I → **lampoyang.**

poyang II **1.** = *datuk* ~ ark nenek moyang, leluhur; **2.** Mn ayah atau ibu kpd nenek, moyang; **3.** sl bomoh, dukun, pawang.

PPH kep Pasukan Polis Hutan.

PPK kep Parti Perhimpunan Kebangsaan (Tanah Melayu).

PPM kep Pingat Peringatan Malaysia.

PPMPB kep Persatuan Pelajar Maktab Perguruan Bahasa.

PPN kep Pingat Pangkuan Negara (pingat kesateriaan yg dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong).

PPP kep *Peoples' Progressive Party* (Parti Progresif Rakyat).

PPZ kep Pusat Pungutan Zakat.

Pr simbol kimia bagi praseodimium.

PR kep **1.** *public relations* (perhubungan awam); **2.** Parti Rakyat.

pra- *awalan asing* sebelum, mis *prakata, prasejarah, dan prasekolah.*

praakhir sebelum akhir.

praanggapan ark prasangka.

prabawa **1.** pengaruh; **2.** Id imbasan elektrik; **perbawa.**

prabayar telah dibayar terlebih dahulu: *kad telefon* ~.

pracetak (pracétak) sebelum kerja pencetakan dibuat: *kos kertas dan ~ meningkat berikutan penurunan nilai mata wang.*

pracukai sebelum dipotong cukainya: *keuntungan ~ syarikat tahun ini semakin bertambah baik.*

pragmatik I (mempunyai sifat atau pendirian yg) lebih mementingkan (mengutamakan) kesan-kesan sebenar sesuatu drpd ciri-ciri teori dsb, bersifat praktikal, banyak memperhitungkan keadaan dan akibat yg sebenarnya terdapat atau akan timbul: *walaupun bagaimanapun, pelaksanaannya harus bersifat ~ supaya tidak menimbulkan kesusahan di kalangan rakyat.*

pragmatik II (Lin) cabang linguistik yg berkaitan dgn kajian tentang makna dan kesan yg timbul drpd penggunaan bahasa dlm situasi tertentu.

pragmatis Id pragmatik (praktikal).

pragmatisme 1. kepercayaan bahawa kebenaran atau nilai sesuatu teori, ajaran, doktrin, dsb bergantung pd kegunaannya secara praktik; **2.** cara menangani masalah atau menghadapi sesuatu isu secara praktikal, sikap pragmatik.

prah IB, bp muatan di kereta api.

prahaid sebelum datangnya haid: *gejala-gejala ~.*

prahara Jw ark angin ribut, badai, taufan.

prahoto lori utk mengangkut barang-barang.

prairie kawasan dataran rumput yg luas dan tidak ditumbuhi pokok, terutamanya di Amerika Utara.

praja ark kota, negeri.

prakarsa inisiatif, daya usaha, ikhtiar.

prakata kata pendahuluan (oleh pengarang sesebuah buku dsb).

praktik 1. perbuatan melaksanakan teori (keyakinan dll), pelaksanaan: *biarpun cinta pd teorinya tidak dibatasi oleh kaya miskin, tetapi pd ~nya begitu;* **2.** perihal melakukan (menjalankan) pekerjaan profesional (dokter, peguam, dll): *sudah bertahun-tahun dia membuka ~;*

mempraktikkan menjalankan spt yg tersebut dlm teori dll, melaksanakan, mengamalkan, melakukan: *sekarang mereka coba ~ apa yg mereka pelajari di Pusat Latihan Perguruan dahulu.*

praktikal 1. melibatkan atau berkaitan dgn pengalaman atau penggunaan sebenar, bukan teoretikal; **2.** sesuai utk digunakan: *langkah-langkah ini dianggap logik lagi ~.*

praktis berdasarkan kpd sesuatu yg praktik, boleh dan mudah melaksanakannya (menjalankannya, menggunakannya dll), kena benar: *komandan perahu memberikan perintah-perintah singkat dan petunjuk yg ~; penubuhan badan cawangan spt yg dilakukan itu dipercayai tidak ~;*

kepraktisan perihal atau sifat bergunanya sesuatu atau berupayanya melakukan sesuatu, sifat (ciri) praktis: *mempersoalkan ~ pedoman yg disediakan itu.*

pramasa sebelum tiba masanya yg dijangkakan atau yg sebenar (bkn sesuatu kejadian, peristiwa dsb): *kelahiran ~; kematian ~.*

pramatang 1. lahir tidak cukup bulan (bkn bayi): *bayi ~;* **2.** dicairkan atau dijual sebelum tempoh yg ditetapkan (bkn saham, insurans dsb).

pramoden sebelum moden, sebelum mencapai kemajuan zaman moden, primitif: *zaman ~ Jepun.*

pramugara pelayan kapal terbang (lelaki).

pramugari pelayan kapal terbang (perempuan).

pramuka Id kep gerakan Praja Muda Karana, pemuda perintis, pandu.

pramusaji orang yg tugasnya melayan pesanan makanan, minuman dsb oleh para pengunjung restoran.

prangas; ~ *peringus* Jw ark mengernyih, menyeringai.

prangko Id **1.** setem: *hantaran itu datangnya dr seberang laut, dgn ~nya berhiaskan gambar tugu pahlawan;* **2.** telah dibayar belanja mengirim (barang dagangan dll).

PRANITA akronim bagi perajurit wanita.

prarasa ark **1.** firasat; **2.** suka (akan), memilih (pd).

prasangka sangka (anggapan) buruk terhadap sesuatu (seseorang) sebelum mengetahui (menyelidiki) yg sebenarnya: *mereka amat terpengaruh oleh ~ terhadap orang Negro yg dianggap rendah;*

berprasangka menaruh prasangka: *barangkali ~ dan bimbang akan berlaku bencana ke atas dirinya;*

keprasangkaan sifat (rasa) prasangka: *~ menyekat kecenderungan ke arah kecemerlangan.*

prasaran huraian atau keterangan dll yg menjadi pengantar utk membincangkan sesuatu masalah, prausul.

prasarana keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas (spt kemudahan pengangkutan dan perhubungan, bekalan kuasa elektrik, dll) yg perlu bagi pembangunan (pertumbuhan) dan kemajuan, infrastruktur: *ladang rakyat Felde diwujudkan dgn pembangunan ~ yg besar-besaran.*

prasarjana sebelum peringkat sarjana: *pendidikan ~.*

prasasti tulisan pd batu (tembaga dll) yg berupa peringatan, penghormatan, dll.

prasejarah (pengetahuan mengenai masa) sebelum sejarah tertulis, zaman purbakala.

prasekolah sebelum memasuki sekolah, tabika, tadika: *buku utk bacaan ~.*

praseodimium (praseódimium) (Kim) sj unsur logam yg digunakan utk membuat pewarna kaca, mangkin, dll.

prasetia ark niat atau janji yg teguh.

prasiswazah sebelum lulus sbg siswazah.

prasunting penyuntingan yg dilakukan sebelum penyuntingan sebenar.

prasyarat 1. syarat yg amat penting dan perlu dipenuhi supaya berlaku atau tercapai sesuatu, (spt perkembangan, pembangunan, kemajuan, dsb) atau terhindar sesuatu keburukan: *buku teks yg bermutu mestilah dianggap sbg satu ~ bagi peningkatan mutu pengajaran bahasa Malaysia*; **2.** syarat yg mesti dipenuhi sebelum (boleh) melakukan (menyertai, mengikuti, dsb) sesuatu.

pratonton tayangan filem, persembahan teater dsb yg dikhususkan utk wartawan, pengkritik dsb sebelum filem, teater dsb itu dipertontonkan secara rasmi kpd orang ramai;

mempratontonkan mempertontonkan atau menunjukkan filem, teater dsb, terlebih dahulu kpd wartawan, pengkritik dsb sebelum dipertontonkan secara rasmi kpd orang ramai: *filem itu akan dipratontonkan kpd sekumpulan wartawan sebelum ditayangkan kpd orang ramai bulan depan.*

prauniversiti sebelum memasuki universiti.

prausul ark prasaran.

prawacana ark kata pendahuluan, kata pengantar.

prebet (prébét) **I** pangkat yg rendah sekali dalam pasukan polis atau tentera.

prebet (prébét) **II** bp persendirian, perseorangan (tidak rasmi atau umum); *kereta* ~ kereta yg digunakan oleh pemiliknya sendiri (bukan kereta sewa).

predikat (prédikat) **1.** (Lin) bahagian ayat yg menandai apa yg dikatakan atau dinafikan tentang subjek; **2.** IB nama, gelaran kehormatan.

prejudis (préjudis) rasa suka atau tidak suka yg tidak berasas terhadap sesuatu kaum, agama, prasangka, dsb

preman (préman) **1.** bukan tentera; *orang* ~ orang yg bukan anggota pasukan bersenjata; *pakaian* ~ pakaian bebas atau pakaian biasa (bukan pakaian seragam); **2.** milik sendiri (bukan utk umum) persendirian; *mobil* ~ Id kereta kepunyaan sendiri (bukan utk kegunaan orang ramai).

premi (prémi) IB premium.

premis (prémis) **I** sesuatu pernyataan dsb yg diandaikan (dianggap) sbg sesuatu yg benar utk tujuan membuat huraian yg membawa kpd sesuatu kesimpulan kelak;

berpremisikan mempunyai (atau menggunakan) sesuatu sbg premis, berteraskan: *puisi ini ~ lalang, tetapi lalang yg rapuh itu dijilat api.*

premis (prémis) **II** bangunan dan kawasan tempat diuruskan perniagaan dsb: ~ *perniagaan; firma itu telah berpindah ke ~ baru di Jalan Tun Razak.*

premium (prémium) **1.** (Eko) sejumlah wang dibayar secara tetap kpd syarikat insurans bagi sesuatu polisi insurans; **2.** bayaran tambahan yg dibuat bagi sesuatu; **3.** (Eko) amaun nilai saham yg lebih tinggi drpd harga tawaran asal (nilai tara) apabila saham itu mula disenaraikan di Bursa Saham: *syarikat itu mencatatkan ~ sebanyak 50 sen apabila dibuka pd harga RM 2.00 berbanding dgn harga tawaran asalnya RM 1.50 sesaham;* **4.** bermutu dan harganya lebih mahal sedikit (bkn sesuatu produk dsb): *dia lebih suka menggunakan minyak petrol ~.*

premolar (prémolar) (Ubat) geraham kecil.

preposisi (préposisi) (Lin) kata sendi nama.

prerogatif (prérogatif) hak istimewa (mis yg diberikan kpd raja-raja utk memberi ampunan kpd orang hukuman).

pres (prés); *mesin* ~ mesin utk mengapit (menindih dll);

dipres diapit (ditindih).

presbiopia (présbiopia) (Ubat) kekurangan daya mata utk memfokus pd sesuatu objek akibat pengerasan kanta mata, terutamanya semakin teruk apabila umur meningkat.

presiden (présidén) **1.** ketua negara sesebuah republik yg juga biasanya merupakan ketua kerajaannya; **2.** ketua eksekutif sesebuah syarikat, bank, firma, dsb; **3.** Id ketua (mahkamah, persatuan, rapat, dll).

presidium (présidium) IB jawatan ketua.

presint (présint) kawasan kecil dlm bandar yg ditentukan sempadannya berdasarkan ciri-ciri dominan kawasan tersebut utk tujuan perancangan.

preskripsi (préskripsi) **1.** arahan doktor tentang ubat yg harus disediakan utk pesakit tertentu dan cara menggunakannya (memakannya); **2.** sesuatu ketetapan (keputusan dsb) yg bersifat atau bertujuan menentukan, ketentuan (utk menjadi pegangan atau panduan);

mempreskripsikan memberikan preskripsi (bkn penggunaan ubat dsb): *doktor telah ~ ubat yg perlu dimakan utk mengubati penyakitnya.*

preskriptif (préskriptif) bersifat preskripsi, bersifat menentukan atau panduan.

prestasi (préstasi) hasil yg telah diperoleh (dicapai dll), pencapaian: *kekurangan kakitangan dikatakan telah menjejaskan ~ sesetengah jabatan;*

berprestasi mempunyai (menunjukkan) prestasi.

prestij (préstij) **1.** penghormatan yg diperoleh kerana kejayaan, (pencapaian, pangkat, dsb), nama baik, reputasi: *Sparta dihormati dan mendapat ~ drpd kecekapan berperang;* **2.** martabat, kemegahan;

berprestij mempunyai prestij: *kedudukan yg ~ dlm kerajaan.*

presto (présto) (Muz) tempo pergerakan muzik yg dimainkan dgn cepat.

pretensi (préténsi) dakwaan atau gambaran kononnya mempunyai atau melakukan sesuatu yg istimewa (padahal tidak kelihatan atau terbukti demikian): *tidak ada ~ di sini utk bersikap objektif apalah lagi utk mengatakan pendapat yg dikemukakan muktamad atau tidak.*

preventif (prévéntif) bersifat mencegah atau bertujuan mencegah (supaya sesuatu tidak berlaku): *pengambilan tindakan ~ lebih baik drpd terpaksa mengambil tindakan korektif.*

previu (préviu) **1.** pratonton; **2.** laporan pemerian tentang sesebuah filem, drama dsb yg akan dipertontonkan atau dipersembahkan kpd orang ramai: *kami berpeluang membaca ~ filem yg akan ditayangkan itu;*

mempreviu melihat pratonton: *beberapa orang pengkritik dijemput utk ~ filem itu.*

priayi Jw orang (golongan orang) yg berpangkat tinggi (pegawai kerajaan dll);

kepriayian sifat-sifat priayi.

pidato Id, bp pidato.

prigel Jw pandai atau cekap (bekerja dll).

prihatin = **berprihatin** **1.** mengambil berat, perhatian terhadap sesuatu perkara: *sbg jiran, kita ~ terhadap rusuhan rakyat menentang pemerintahan tentera di Bangkok;* **2.** Jw berdukacita atau kecewa yg amat sangat (kerana gagal usaha, menghadapi kesusahan, dll), rasa sedih yg amat sangat; **3.** berusaha (berikhtiar) dgn bersungguh-sungguh utk mendapat yg dicita-citakan;

memprihatinkan 1. menimbulkan rasa mengambil berat, memberi perhatian; **2.** menimbulkan rasa sedih (kpd), menyedihkan: *soal akhlak inilah yg ~ para pemimpin dr dulu hingga sekarang;*

keprihatinan 1. kesungguhan menunjukkan minat atau perhatian berat pd seseorang atau sesuatu: *~ terhadap kebajikan sosial dan kepentingan awam; ~ negara-negara Islam terhadap Bosnia-Herzegovina; atas rasa ~ dan tuntutan memenuhi cita-cita bahasa, bangsa, dan negara;* **2.** perasaan sedih (dukacita) yg amat sangat: *lalu diberikan berbagai-bagai alasan dan saranan dgn rasa ~ yg mendalam terhadap peranan yg sudah terabai.*

prima IB yg penting, yg pertama, yg terutama.

primadona pelakon utama wanita (dlm opera), seri panggung.

prima facie (primafasi) (Latin) (Udg) pd zahirnya, pd pandangan kasar (sebelum diselidik dgn lebih terperinci): *keterangan ~.*

primat kelas (kumpulan) mamalia, antaranya termasuklah monyet, orang hutan, dan manusia.

primatologi cabang zoologi yg berkaitan dgn kajian tentang primat.

primbon kitab mengenai ramalan (ketika yg tidak baik dll), pestaka.

primer (primér) yg pertama, yg terpenting, yg utama: *kedudukan dan kesejahteraan hidup adalah hasil sampingan yg secara kebetulan akan diperoleh, tetapi bukan menjadi matlamat ~.*

primigravida (Ubat) wanita yg baru pertama kali mengandung (hamil).

primipara (Ubat) wanita yg baru pertama kali melahirkan anak.

primitif 1. berkaitan dgn atau pd zaman purbakala, kolot, kuno: *kpd bangsa-bangsa yg ~, sihir itu besar ertinya;* **2.** sangat sederhana (seolah-olah dr zaman purbakala), kuno: *alat-alat ~.*

primitivisme 1. keadaan primitif, kekunoan; **2.** fahaman bahawa nilai budaya primitif lebih unggul drpd nilai budaya zaman peradaban moden.

prinsip asas atau dasar (yg menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan, dll), hukum (sesuatu teori dll): *utk membuka kedai sendiri, seseorang itu haruslah mengetahui --- perniagaan; dgn langkah ini maka tertubuhlah ~ bahawa kerajaan bertanggungjawab membela orang yg menderita; pd ~nya pd dasarnya;*

berprinsip mempunyai prinsip: *seorang tokoh politik yg ~;*

berprinsipkan menggunakan (sesuatu) sbg prinsip.

prinsipal (Udg) orang yg melantik orang lain utk bertindak selaku ejennya: *sbg ejen, dia patut mematuhi arahan ~nya.*

prinsipil IB berkaitan dgn prinsip (asas, dasar).

prioriti sesuatu yg didahulukan atau diutamakan, keutamaan: *dlm parti politik hal-hal kebudayaan diberi ~ yg rendah, hal-hal ekonomi lebih dipentingkan; walau apa pun bidang nyanyian merupakan ~nya;*

memprioritikan memberikan keutamaan atau mendahulukan sesuatu: *program perjuangan Dr. Burhanuddin ~ usaha pembinaan jiwa merdeka.*

pripih Jw ark sj azimat (tangkal).

pris IB, bp hadiah (dlm loteri, perlumbaan kuda, dll).

prisma 1. hablur yg mempunyai tiga atau lebih permukaan yg selari dgn paksi hablur dan digunakan dlm peralatan optik spt teropong dan periskop; **2.** (Mat) polihedron atau blok geometri yg dibatasi oleh sekurang-kurangnya dua permukaan bersegi atau poligon yg selari.

privasi keadaan atau suasana bersendirian tanpa sebarang gangguan: *tentunya di rumah sewa spt itu kami tidak ada ~.*

PRM kep Parti Rakyat Malaysia.

pro I bersetuju dgn, menyebelahi, menyokong: *dlm perbincangan itu ada pendapat yg ~ dan ada yg kontra; ~ dan kontra alasan, hujah dsb yg menyokong dan menentang sesuatu, baik buruknya.*

pro II bp singkatan bagi profesional (terutamanya ahli sukan profesional): *tiada pemain ~ yg memenangi sesuatu kejohanan dua kali di gelanggang yg sama; dia diterima menjadi pemain ~ keenam persatuan itu.*

PRO kep *Public Relations Officer* (Pegawai Perhubungan Awam).

pro- *awalan asing* **1.** memihak kpd, menyebelahi, menyokong, mis *pro-Barat, pro-Peking, proreformasi* dan *prokerajaan*; **2.** bertindak sbg atau selaku, mis *Pro-Canselor.*

proaktif bkn sikap positif (individu, institusi, dll) merangka atau melakukan sesuatu tindakan (setelah difikir masak-masak) jauh lebih awal daripada berlakunya sesuatu perkara yg sememangnya memerlukan tindakan yg berkenaan (tindakan tidak dilakukan hanya setelah sesuatu hal itu berlaku): *kerajaan negeri akan mengambil pendekatan ~ utk menjayakan projek yg dirancangkan.*

probet (probét) (Udg) **1.** proses membuktikan secara rasmi kesahihan atau kesahan sesuatu wasiat; **2.** sijil pengesahan wasiat.

probiotik (Bio) organisma atau bahan yg menggalakkan tumbesaran haiwan secara penghadaman makanan dlm perut dan kadar metabolisme.

probosis (Bio) bahagian mulut yg panjang dan tajam pd sesetengah serangga, digunakan utk menghisap makanan atau menusuk.

Pro-Canselor orang yg jawatannya satu tingkat di bawah canselor di universiti.

prodemokrasi (prodémokrasi) cenderung menyokong demokrasi: *perjuangan ~ lebih berkisar di kalangan parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).*

prodeo (prodéo) kerana Allah, percuma (mendapat sesuatu).

prodrom (Ubat) gejala awal yg menunjukkan kemungkinan berlakunya sesuatu penyakit.

produk sesuatu (barang, perkhidmatan dsb) yg dikeluarkan oleh kilang, atau ditawarkan oleh institusi dsb: *eksport ~ elektronik Malaysia ke negara-negara Asia akan terus ditingkatkan; ~ kewangan Islam boleh diterima ramai.*

produksi IB barang-barang yg dibuat atau dihasilkan.

produktif **1.** berupaya atau boleh mengeluarkan hasil yg banyak: *perumahan boleh dianggap sbg industri ~ negara; penulis skrip yg ada sekarang adalah dlm peringkat umur yg ~;* **2.** mencapai banyak hasil, berhasil: *perbincangan kami pd petang itu sangat ~;* **3.** berupaya membiak, melahirkan anak atau menyebabkan kelahiran, subur: *umur ~.*

produktiviti daya pengeluaran: *beliau menggesa kakitangannya membaharui azam dan tekad utk bekerja keras bagi meningkatkan ~.*

produsen (produsén) IB pengeluar (barang-barang).

produser bp penerbit filem, drama dsb.

Prof singkatan bagi Profesor.

profesi (profési) Id profesion.

profesion (profésion) pekerjaan terutamanya yg memerlukan pelajaran yg tinggi dan latihan khas (mis dlm bidang undang-undang, perubatan, perakaunan, dll).

profesional (profésional) **1.** yg berkaitan dgn (bergiat dlm) bidang profesion (spt undang-undang, perubatan, dll): *golongan ~; ahli ~;* **2.** berasaskan (memerlukan dsb) kemampuan atau kemahiran yg khusus utk melaksanakannya, cekap (teratur) dan memperlihatkan kemahiran tertentu: *setiap pengurus atau eksekutif dlm satu-satu*

firma harus tahu mengurus secara ~; 3. melibatkan pembayaran dilakukan (dilibati dsb) sbg mata pencarian, mendapat bayaran: mereka perlu mendapat bimbingan seorang jurulatih tenis ~; 4. orang yg mengamalkan (kerana pengetahuan, kepakaran, dan kemahirannya) sesuatu bidang profesion;

memprofesionalkan menjadikan bersifat atau bertaraf profesional: *persatuan bola sepak negeri itu tidak ketinggalan utk ~ pengurusan skuad negeri dgn melantik jurulatih asing; pihak pengurusan tertinggi jabatan memang serius dlm soal ~ jabatan dan anggotanya;*

keprofesionalan kemampuan yg khusus (sbg seorang profesional), keupayaan seorang profesional: *usaha utk menumpukan perhatian pd aspek meningkatkan ~ guru bahasa dan sastera Melayu.*

profesionalisme (profésionalisme) sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu, dll) sebagaimana yg sewajarnya terdapat pd atau dilakukan oleh seorang profesional.

profesor (profésor) tenaga akademik yg paling tinggi taraf jawatannya, biasanya mengetuai sesebuah jabatan pengajian di universiti atau pusat pengajian tinggi, mahaguru;
~ *adjung* gelaran kehormat kpd profesional, tokoh korporat dsb yg mempunyai kepakaran dan berpengalaman luas dlm sesuatu bidang, yg dilantik sbg tenaga pengajar sambilan di institusi pengajian tinggi; ~ *diraja* gelaran tertinggi yg dianugerahkan kpd seseorang profesor oleh D.Y.M.M Yang di-Pertuan Agong; ~ *emeritus* gelaran kpd profesor yg telah bersara sbg suatu penghormatan; ~ *madya* pensyarah yg tarafnya di bawah profesor di universiti; ~ *pelawat* profesor yg diundang mengajar dsb di universiti lain (biasanya di luar negara) utk suatu tempoh masa

tertentu; *penolong* ~ pensyarah yg tarafnya setingkat di bawah profesor madya di universiti;

keprofesoran ciri (sifat, kewibawaan dsb) sbg profesor.

profil **1.** bentuk atau gambaran sesuatu sebagaimana yg dilihat dr sisinya; ~ *sungai* bahagian (gambaran) yg menunjukkan cerun (aliran) sungai dr hulunya ke muaranya; ~ *tanah* bahagian (gambaran) yg menunjukkan berbagai-bagai lapisan tanah; **2.** gambaran yg menunjukkan (membayangkan) kedudukan (peranan dsb) sesuatu pd sesuatu masa: *penulis mengalihkan perhatiannya kpd ~ bahasa di negara ini.*

profilaksis (Ubat) pencegahan (pengawalan) penyakit.

profilaktik (Ubat) berkaitan dgn atau bersifat melindungi (mencegah) penyakit: *rawatan ~.*

progeni (progéni) **1.** salasilah atau jurai keturunan yg berasal drpd rumpun yg sama, anak cucu; **2.** anak yg dihasilkan oleh induk.

progeria (progéria) (Ubat) keadaan tua yg dialami sebelum waktunya, yg biasanya dialami semasa peringkat kanak-kanak lagi.

progesteron (progésteron) (Bio) hormon steroid yg merangsang persediaan uterus utk menghadapi kehamilan.

prognosis **1.** ramalan tentang penyembuhan sesuatu penyakit, terutamanya setelah pesakit menjalani rawatan, spt pembedahan, dgn mengambil kira semua faktor spt umur, dll; **2.** ramalan atau telahan.

program **1.** rancangan yg menentukan dasar-dasar yg akan dijalankan (dlm pembangunan negara, perekonomian, dll); **2.** acara pertandingan (pertunjukan dll): *tiket-tiket sedang dicetak dan ~nya sedang disusun;* **3.** susunan rancangan spt drama, muzik, filem, dsb yg ditonton di TV atau didengar di radio; **4.** arahan berupa kod

yg dimasukkan ke dlm sistem komputer utk membolehkannya memproses atau mengendalikan data secara tertentu, atur cara;

memprogramkan **1.** mengatur (menyusun) program atau rancangan, merancangkan; **2.** memasukkan program ke dlm komputer: ~ *komputer*;

terprogram telah diprogramkan: *sistem ~ yg sangat efisien*;

pemrograman **1.** proses mengatur sesuatu, rancangan, perencanaan: ~ *semula atom-atom boleh menghasilkan sesuatu yg lebih kecil*; **2.** pengaturcaraan.

progresif (progrésif) **1.** menuju ke arah perbaikan atau kemajuan, maju: *dasar yg ~*; **2.** semakin meningkat kadar cukai apabila jumlah pendapatan yg boleh dicukai bertambah: *cukai ~*; **3.** bertahap-tahap, berperingkat-peringkat: *pelaksanaannya dlm bidang pentadbiran dan pendidikan sedang dijalankan secara ~*.

projek (projék) **1.** rancangan kerja atau aktiviti pembangunan yg hendak dijalankan atau sedang dijalankan: ~ *perumahan*; ~ *pengairan*; **2.** kajian terperinci tentang sesuatu bidang atau subjek.

projeksi (projéksi) **1.** anggaran atau ramalan tentang sesuatu berdasarkan data, keterangan, pemerhatian, dsb yg diketahui; **2.** gambaran, pancaran, sorotan: *bahasa adalah suatu kenyataan ilmiah yg mendukung maksud sbg ~ drpd peribadi pemakainya*;

memprojeksikan membuat ramalan tentang sesuatu hal (rancangan) berdasarkan pemerhatian dan data yg sedia ada.

projektil (projéktil) objek spt peluru dan roket, yg ditembak drpd meriam atau senjata lain.

projektor (projéktor) alat utk menayangkan filem atau slaid pd skrin dsb.

proklamasi IB pengumuman yg rasmi kpd seluruh rakyat, pemberitahuan, pengisytiharan, pemakluman: *tanggal 17 Ogos 1945 adalah hari ~ kemerdekaan Negara Republik Indonesia;*

memproklamasikan mengumumkan dgn rasmi kpd seluruh rakyat: *kita harus ~ kemerdekaan sebelum Jepun menyerah.*

proklamir ark; **memproklamirkan** memproklamasikan.

proksi 1. kuasa yg diberi kpd seseorang utk bertindak bagi pihak atau mewakili orang berkenaan yg tidak hadir, mis dlm sesuatu pengundian: *mengundi secara ~*; **2.** orang yg diberi kuasa utk bertindak bagi pihak orang lain yg tidak hadir.

proktitis (Ubat) radang pd rektum.

proktokolektomi (proktokoléktomi) (Ubat) pembuangan rektum dan kolon secara pembedahan.

proktokolitis (Ubat) radang pd kolon dan rektum.

proktoskop (Ubat) alat utk memeriksa bahagian rektum.

prolaktin (Ubat) hormon polipeptida yg dirembeskan oleh kelenjar pituitari anterior yg merangsangkan dan mengekalkan laktasi pd mamalia selepas melahirkan anak.

prolaps (Ubat) penyerosan atau penonjolan sebahagian atau seluruh struktur atau organ, spt yg boleh terjadi pd rahim, dubur, dll, tumbang.

proletar IB orang yg hidupnya mengambil upah dgn memberi tenaga, memburuh; *kaum ~* kaum yg hidupnya memburuh.

proletariat (proletariat) (Ant) golongan pekerja, terutamanya mereka yg tidak mempunyai modal dan menyara kehidupan dgn makan gaji atau mengambil upah.

prolifik banyak menghasilkan karya, banyak hasil tulisannya (ciptaannya): *seorang penulis yg ~ dan sehingga kini telah menghasilkan lebih drpd 14 buah buku; dramatis yg ~.*

prolog I **1.** kata-kata atau bahagian pendahuluan kpd sandiwara atau pidato, pembukaan kpd cerita sandiwara dll; **2.** peristiwa pendahuluan (permulaan).

Prolog II akronim bagi *programming in logic* (pengaturcaraan dalam logik, iaitu sj bahasa pengaturcaraan komputer).

prometium (prométium) (Kim) sj unsur logam yg radioaktif, dan digunakan utk membuat bateri, cat berpendar cahaya, bahan semikonduktor, dll.

promo bp sesuatu, spt tayangan filem video ringkas, yg ditayangkan utk mempromosikan sesuatu produk, peristiwa dsb: *stesen televisyen akan menampilkan ~ mengenainya dlm usaha menarik perhatian penonton.*

promosi **1.** kenaikan pangkat, naik pangkat, dll; **2.** Id (upacara) penerimaan gelaran doktor; **3.** segala usaha dan kegiatan utk menggalakkan atau mempertingkatkan jualan barang (eksport, pelancongan, dsb);

mempromosikan melakukan promosi utk sesuatu yg (hendak) dipasarkan.

promoter **1.** orang (atau pihak) yg menganjurkan atau membiayai sesebuah kegiatan, mis acara sukan, penganjur; **2.** orang yg berusaha memperkenalkan dan menggalakkan penjualan sesuatu barangan; **3.** IB profesor yg memimpin dan mengawasi orang yg bakal menerima gelaran doktor.

prop IB, bp penyumbat botol, gabus; *topi* ~ topi gabus.

propaganda **1.** penerangan atau penyiaran (ideologi, faham, pendapat, dll), ideologi atau pendapat yg dihebahkan utk mempengaruhi orang ramai, diayah: *pemberontak komunis telah memperhebat kempen-kempen ~ mereka di Saigon;* **2.** = **berpropaganda** menerangkan pendapat (ideologi, fahaman, dll) dgn tujuan utk

mendapat sokongan drpd orang ramai: *tujuan perundingan itu hanyalah utk melengah-lengahkan masa atau utk ~*; **3.** bp iklan barang dagangan dll;

mempropagandakan **1.** menghebahkan secara teratur pendapat (ideologi, fahaman, dll) dgn tujuan mempengaruhi serta utk mendapat sokongan drpd orang ramai: *aku yg di daerah ini disuruh ~ anjuran kembali kpd keperibadian bangsa*; **2.** bp mengiklankan barang dagangan dll.

propagandis orang yg menyebarkan propaganda.

propana (Kim) sj sebatian gas yg tidak berwarna, mudah terbakar, dan digunakan utk bahan api, sintesis organik, dll.

propelan (propélan) **1.** bahan api roket; **2.** gas mampat dlm sesuatu bekas yg berfungsi utk menolak keluar isi bekas (dlm bentuk aerosol).

pro rata (Latin) mengikut kadar, mengikut bahagian tertentu: *para pekerja itu akan menerima bonus secara ~*.

proreformasi (proréformasi) cenderung menyokong reformasi: *mereka mungkin sedang mengatur strategi utk memastikan kepentingan mereka tidak diganggu-gugat oleh rakyat yg ~*.

prosa karangan yg bertulis dgn bahasa yg biasa (tidak berbentuk sajak dll), lwn puisi;

memprosakan menukarkan puisi (sajak dsb) kpd prosa: *mereka juga diberi bimbingan tentang teknik ~ puisi, sajak dsb*.

prosaik **1.** bersifat prosa; **2.** tiada imaginasi dan menjemukan: *pendeknya sebuah puisi itu tidak diucapkan secara lurus, kasar, ~ dan dangkal; ungkapan-ungkapannya kadangkala begitu mudah dan ~*.

prosedur (prosédur) cara yg lazim utk membuat sesuatu urusan, aturan atau cara bekerja atau melakukan sesuatu, tatacara: *dia akan*

memastikan yg dia melakukan atau melaksanakan tugasnya dgn betul menurut ~ dan peraturan.

prosen (prosén) IB peratus; → **persen I**.

prosenium (prosénium) bahagian pentas di hadapan tirai (dlm panggung).

proses (prosés) **1.** satu siri perubahan yg berlaku secara semula jadi: *sedangkan kanak-kanak menghadapi ~ perkembangan jiwa utk mendapatkan bahan-bahan ilmu;* **2.** satu siri tindakan yg dilakukan utk membuat, menghasilkan, atau mencapai sesuatu; **3.** kaedah teknik operasi yg digunakan dlm industri utk membuat sesuatu: *di Indonesia nampaknya ~ penyaringan dan penapisan masih perlu dijalankan utk dapat memisahkan antah drpd beras;* ~ Haber (Kim) sj proses utk menyediakan ammonia drpd nitrogen; **4.** Id pembicaraan dlm mahkamah;

berproses telah diproses: *sebilangan besar makanan ~ diimport dr luar negara;*

memproses **1.** mengambil tindakan tertentu terhadap sesuatu mengikut prosedur yg ditetapkan: *pihak majikan sedang ~ permohonan mereka;* **2.** mengolah bahan mentah menjadi barangan siap: *sudah ada banyak kilang yg menggunakan alat moden utk ~ barang-barang yg hendak dieksport;*

pemprosesan perbuatan (usaha, kerja, dsb) memproses: ~ *permohonan utk mengimport barang; ~ makanan; ~ data;*

pemproses **1.** alat (kilang dll) yg memproses sesuatu: *penggunaan komputer sbg ~ perkataan; ~ makanan;* **2.** (Komp) perkakasan atau perisian yg mempunyai kemampuan mengolah data bagi mencapai sesuatu hasil: *penggunaan komputer sbg ~ kata.*

prosesi (prosési) IB pawai atau perarakan (dlm upacara Roman Katolik).

proses-verbal (prosés-verbal) IB laporan tentang terjadinya sesuatu perkara, berita acara.

prosiding **1.** rakaman maklumat (biasanya dicetak) tentang perbincangan dan keputusan sesuatu mesyuarat, persidangan, dsb: *analisis ini ialah ~ mesyuarat jawatankuasa pemuliharaan alam sekitar*; **2.** (Udg) sebarang tindakan mahkamah yg diambil terhadap seseorang: *Akta Bahasa Kebangsaan dipinda bagi membolehkan seluruh ~ mahkamah dijalankan dlm bahasa Melayu.*

prosodi **1.** (Sas) kajian tentang pelbagai aspek persajakan (mis tentang matra, intonasi, rentak, irama, dll); **2.** (Lin) pola tekanan dan intonasi dlm sesuatu bahasa.

prospek (prospék) **1.** kemungkinan atau peluang untuk mencapai kejayaannya akan datang: *rencana ini menumpukan perbincangan kpd beberapa isu, masalah, ~, dan strategi pembangunan industri desa*; **2.** harapan utk terus maju dlm kerjaya.

prospektor (prospéktor) **1.** pencari gali; **2.** syarikat, organisasi dsb yg sentiasa mencari dan mengeksploitasi peluang dan pasaran baru.

prospektus (prospéktus) **1.** kenyataan rasmi utk perhatian umum yg memberikan butir-butir tentang tawaran saham, penerbitan buku, dsb; **2.** brosur atau risalah yg memberikan butir-butir pelbagai kursus yg ditawarkan oleh sesebuah pusat pengajian.

prostat (Bio) kelenjar yg mengelilingi leher pundi kencing dan uretra pd lelaki atau mamalia jantan, merembeskan cecair yg merupakan sebahagian drpd air mani.

prostatektomi (prostatéktomi) (Ubat) pembuangan sebahagian atau keseluruhan prostat secara pembedahan.

prostatitis (Ubat) radang pd prostat.

prostesis (prostésis) (Ubat) gantian (secara buatan) sesuatu bahagian tubuh yg hilang, spt kaki dan tangan.

protagonis **1.** watak utama dlm sesuatu cerita, drama, dll; **2.** penyokong terkemuka sesuatu perjuangan, pergerakan, dsb.

protaktinium (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

protein (protin) zat yg membina tubuh (terdapat dlm daging, susu, telur, dll): ~ *membina tubuh serta membaiki segala bahagian tubuh yg rosak, luka, atau cedera;*

berprotein mengandungi protein: *makanan* ~.

proteinuria (protinuria) (Ubat) kehadiran protein yg berlebihan dlm air kencing.

proteksi (protéksi) IB perlindungan (dlm politik, perdagangan, dll); *politik* ~ Id politik yg memberikan perlindungan drpd negara asing.

protektorat (protéktorat) (Udg) negara yg mendapat perlindungan drpd negara asing dan tidak mempunyai raja berdaulat.

protes (protés) pernyataan tidak setuju dengan sesuatu dasar (usul dll), sanggahan, sangkalan, tentangan;

memprotes menyatakan tidak bersetuju, menentang, menolak, menyanggah, menyangkal: *apabila ini tidak dipatuhi, kedua-dua pihak, kerajaan dan rakyat akan* ~.

Protestan (protéstan) (penganut) agama Kristian (pd mulanya dipelopori oleh Martin Luther) yg keluar drpd agama Roman Katolik.

protokol **1.** surat-surat rasmi bkn keputusan perundingan (persetujuan dll); **2.** peraturan-peraturan dlm istiadat rasmi (menyambut tetamu-tetamu negara dll).

proton zarah bercas positif yg membentuk nukleus atom.

PROTON akronim bagi Perusahaan Otomobil Nasional.

protoplasma (Bio) bahan hening (yg terdiri drpd air, protein, karbohidrat, garam tak organik, dll) yg kental, yg terdapat dlm segala sel haiwan dan tumbuhan.

prototaip model pertama yg dibina bagi menghasilkan sesuatu (spt perisian komputer) yg dapat dijadikan asas bagi menghasilkan model yg lebih baik (canggih).

protozoa (Bio) organisma satu sel yg mempunyai satu nukleus dan merupakan organisma paling ringkas dlm alam haiwan.

protraktor alat yg berbentuk separuh bulatan (biasanya dibuat drpd plastik lut sinar yg bersengkat mengikut darjah) yg digunakan utk mengukur sudut atau utk melukis sudut.

provinsi daerah yg di bawah jagaan seorang gabenor wilayah.

provinsialisme faham (gerakan, semangat, dsb) kedaerahan.

proviso syarat dlm sesuatu perjanjian (khasnya dlm dokumen undang-undang).

provitamin sj bahan yg menjadi pelopor utk membina vitamin (mis pelopor vitamin A ialah karotena).

provokasi perbuatan membangkitkan kemarahan, minat, dsb: *saya mendiamkan diri dan tidak menyambut ~nya;*

memprovokasi 1. membangkitkan kemarahan: *barangkali kamu dipukul kerana kamu ~nya;* **2.** membangkitkan, menimbulkan, mencetuskan: *biarlah saya mengadakan sedikit renungan terhadap ketiga-tiga unsur tersebut, sekurang-kurangnya utk ~ pemikiran.*

provokatif bersifat membangkitkan kemarahan atau menggoda.

provos (gelaran) ketua bagi sesetengah kolej universiti: *P~ ITM Cawangan Sabah.*

pruf cetakan percubaan (karangan dll) yg perlu dibandingkan dgn manuskrip asal utk meneliti kesalahan cetak dll: *kerjanya membaca ~ dan membetulkan kesilapan percetakan;* ~ galei pruf yg diambil drpd bahan-bahan yg diatur huruf ketika bahan itu masih dlm peringkat galei.

prun = *buah* ~ buah plum yg dikeringkan.

ps kep *postscript* (catatan tambahan pd surat selepas tandatangan penulisnya).

PSC kep *Public Services Commission* (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam).

PSD 1. kep Panglima Setia Diraja (pingat yg dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong kpd orang yg telah memberikan khidmat yg cemerlang kpd Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong); **2.** kep *Public Services Department*.

pseudo- (pséudo) *awalan asing* palsu (bukan sebenarnya, pura-pura), mis *pseudonim*.

pseudonim (pséudonim) nama samaran yg digunakan oleh seseorang penulis, pengarang, dsb, nama pena.

pseudosiesis (pséudososiésis) (Ubat) kehamilan palsu.

psi (sai) huruf ke-23 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Ψ , ψ .

psikedelik (psikédélik) **1.** (Ubat) menyebabkan atau mengakibatkan halusinasi (bkn dadah): *dadah* ~; **2.** (S.Lukis) mempunyai pelbagai warna yg sangat terang atau garang, dan bentuk yg berbelit-belit spt yg diilhamkan melalui khayalan (bkn lukisan abstrak, hiasan, pakaian dsb).

psikiatri cabang perubatan yg berkaitan dgn kajian dan rawatan gangguan mental.

psikik (Psi) **1.** yg berkaitan dgn jiwa atau fikiran manusia; **2.** berkaitan dgn atau mempunyai kekuatan dalaman yg luar biasa, mis telepati; **3.** orang yg mempunyai kekuatan dalaman yg luar biasa: *benarkah dia seorang* ~?

psiko orang yg menderitai sakit (tekanan) jiwa.

psikoanalisis rawatan yg dilakukan pd seseorang yg mengalami tekanan jiwa dgn bertanyakan pengalamannya yg lalu utk mencungkil

masalah dan perasaannya yg tersembunyi yg menjadi punca penyakitnya.

psikodinamik 1. kajian tentang proses dan kuasa mental; 2. bkn atau berkaitan dgn proses dan kuasa mental.

psikodrama teknik psikoterapi secara berkumpulan yg menghendaki pesakit melakonkan dan meluahkan segala masalah yg sedang dihadapinya.

psikolinguistik ilmu yg berkaitan dgn hubungan antara bahasa dgn perilaku dan akal budi manusia.

psikologi 1. kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dgn perlakuan manusia dan haiwan; 2. pola pemikiran dan perlakuan seseorang atau sesuatu kumpulan tertentu; 3. bp kebijaksanaan memahami sifat manusia;

berpsikologi menggunakan psikologi: *bagaimana dia harus ~ melayani anak-anak yg masih kecil?*

psikometri (psikométri) kaedah dan teknik mengukur kepintaran berfikir seseorang.

psikomotor (Psi) bkn pergerakan tubuh yg berkaitan dgn aktiviti mental.

psikopat (Psi) orang yg mempunyai personaliti antisosial sehingga menunjukkan tingkah laku yg tidak normal.

psikopati (Psi) sebarang bentuk gangguan mental, termasuk gila.

psikopatologi kajian saintifik bkn penyakit gangguan mental.

psikoseksual (psikoséksual) (Psi) berkaitan dgn atau melibatkan unsur atau aspek psikologi dlm dorongan seks: *pematangan ~*.

psikosis (Psi) gangguan mental yg teruk, yg dicirikan oleh perubahan perwatakan dan ketakpekaan terhadap persekitaran.

psikosomatik (Psi) bkn gangguan fizikal manusia yg timbul akibat masalah psikologi, spt rasa bimbang (takut dll).

psikososial berkaitan dgn atau melibatkan faktor atau pengaruh psikologi dan sosial: *perkembangan* ~.

psikoterapi (psikotérapi) rawatan sakit jiwa atau gangguan mental dgn menggunakan kaedah psikologi.

psikotik (Psi) **1.** orang yg mengalami psikosis: *pelajar yg dipercayai telah dibunuh oleh seorang pembunuh* ~; **2.** bersifat (mempunyai ciri-ciri) psikosis.

PSK kep percuma sampai kapal.

PSM kep Panglima Setia Mahkota (pingat yg dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong kpd orang yg telah memberikan khidmat yg cemerlang kpd negara).

psoriasis (Ubat) penyakit yg menyebabkan kulit mengalami tompok-tompok merah yg diliputi sisik keputih-putihan, biasanya terdapat pd lutut, siku dan kulit kepala.

Pt simbol kimia bagi platinum.

Pt. kep Parit: ~ *Jawa*.

PTA kep Pegawai Tadbir Am.

PTD kep Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

pteridologi (ptéridologi) cabang botani yg berkaitan dgn kajian tentang paku-pakis.

pterigium (ptérigium) (Ubat) ketumbuhan konjunktiva yg mengunjur ke atas kornea, yg bermula dr hujung mata sebelah hidung dan mengarah ke anak mata sehingga boleh menutupinya.

ptialin (Ubat) enzim amilase yg terdapat di dlm air liur manusia dan haiwan, yg menguraikan kanji kpd maltosa.

PTM kep Persekutuan Tanah Melayu.

Pu simbol kimia bagi plutonium.

puadai sl sj hampan drpd kain, (tikar dll) utk tempat berjalan atau tempat duduk orang besar-besar (pengantin ketika bersanding dll).

puah sr kata utk menyatakan tidak puas (menghina dll).

puak 1. kelompok (orang dll), golongan, kumpulan, pasukan: *mereka dibahagi-bahagikan kpd beberapa ~, se~ pergi ke hutan mencari kayu dan yg lainnya tinggal membuat kerja masing-masing*; 2. kelompok bangsa, suku bangsa, golongan keluarga, kaum: *bahawa Allah menjadikan manusia itu berbagai-bagai ~ dan bangsa utk berkenalan*; 3. golongan orang dlm parti politik (tentera dll) dgn fahaman atau pendirian yg tersendiri, parti: *perselisihan ~~~ dlm angkatan darat; ~ kebangsaan (nasionalis)*;

~ kiri orang (parti) yg befahaman kiri; ~ liberal orang (parti) yg befahaman sederhana; ~ pembangkang parti politik yg bukan parti pemerintah;

berpuak, berpuak-puak, 1. bergolongan, berkawan-kawan, berkelompok-kelompok; 2. bp berbagai-bagai, berpecah-belah: *hidup berpuak-puak dan berseteru*;

memuak-muakkan menyebabkan berpecah menjadi beberapa puak atau golongan, memecah-belahkan kpd beberapa puak: *orang-orang muda itu hanya ~ masyarakat yg kecil di situ*;

kepuakan yg berkaitan dgn (sesuatu) puak: *akibat drpd itu maka semakin subur faham ~ yg mendukung pelbagai macam aliran fikiran*;

perpuakan perihal berpuak-(puak): *ini bertentangan dgn rasisme, perkauman, dan ~ dlm segala bentuk*.

puaka 1. = hantu ~ hantu penunggu, roh jahat, demit: *kebanyakan mereka tidak selamat, kelong-kelongnya habis dibinasakan oleh ~~~ dan hantu-hantu laut; ~ air; ~ tanah*; 2. ki orang yg (dianggap) jahat, pengacau, perosak: *budak-budak itulah ~nya*; 3. = **berpuaka** sl ada hantu penunggunya, berhantu, sakti: *pokok ~; rumah ~; gua ~*.

pual I IB sj kain (kain cita halus yg berkerut-kerut).

pual II ark olakan, pusaran;

berpual-pual memancar keluar, berkepul-kepul, membual-bual (asap dll), berpusing-pusing, berpusing-pusing (fikiran dll): *asap keluar ~ dr serombong; fikirannya ~ memikirkan perkara-perkara yg sulit.*

pualam = *batu* ~ sj batu, batu kapur yg keras bersih dan bercahaya, marmar; *nilam* ~ berbagai-bagai batu yg bercahaya.

puan I sj tempat sirih yg diperbuat drpd emas atau perak (biasanya dipakai oleh permaisuri, pengantin perempuan atau sbg tanda kekuasaan raja).

puan II 1. kep empuan (perempuan); *datuk* ~ panggilan kpd isteri datuk, datin; *Toh (Tok) P~ a*) panggilan kpd isteri Tun; b) Ph isteri kepada Tok Muda; *sakit* ~ a) cabang ilmu perubatan yg berkaitan dgn penyakit-penyakit yg khusus dihidapi orang perempuan terutama yg berkaitan dgn organ-organ seks dan salur kencing; b) penyakit (spt sifilis, gonorea, dsb) yg boleh berjangkit melalui perhubungan kelamin, penyakit kelamin; **2.** = *cik* ~ panggilan kpd perempuan yg sudah bersuami, nyonya (lwn tuan);

puan-puan sapaan kpd sekalian orang perempuan yg hadir dlm sesuatu majlis: *...tuan-tuan dan ~ yg dihormati sekalian;*

berpuankan mempunyai wanita sbg majikan: *dia bekerja dgn Datuk dan ~ Datin.*

puan III; *kelapa* ~ kelapa yg isinya lembut (lunak) sekali; *ais* ~ Id ais dengan kelapa puan; *kuih* ~ sj kuih.

puan IV Sr pokok bunga buatan (tiruan).

puar; ~ *birah* sj tumbuhan (rizom), halia hutan (hantu, kera), lidah hantu, *Globba panicoides*; ~ *gajah (hijau, hutan)* sj tumbuhan (rizom), tepus merah, *Amomum uliginosum*; ~ *hudang (gajah,*

halia, rimba) sj tumbuhan (rizom), *Globba malaccensis*; ~ *kampung* sj tumbuhan (rizom), *Elettariopsis pubescens*; ~ *mengkang (menganang)* sj tumbuhan (rizom), tepus kijai, *Languas (Alpinia) rafflesiana*; ~ *minyak* sj tumbuhan (rizom), temu, *Languas (Alpinia) connifolia*; ~ *putih* sj tumbuhan (rizom), tepus (putih), pokok gingin, kantan hutan, *Languas (Alpinia) javanica*; ~ *tadah embun* sj tumbuhan (rizom), *Amomum squarrosum*;

tercencang ~ tergerak andilau prb Mn jika menyindir (memusuhi dll) orang, mungkin sanak saudara orang itu turut sakit hati;

berpuar menghalau hantu (spt berpura-pura memukul sana sini) dgn menggunakan batang puar.

puas **1.** berasa senang (kenyang, lega, dll) kerana sudah mendapat secukup-cukupnya: *sesudah sepinggan penuh ~lah ia*; **2.** berasa senang kerana sudah terpenuhi hasrat hati: *rakyat berasa ~ dgn apa yg dilaksanakan oleh kerajaan*; **3.** lebih drpd cukup, sudah tidak ingin lagi, bosan, jemu: ~ *dia mencari kerja tetapi masih belum dapat-dapat juga*; ~ *hati berpuas hati*; ~ *lelas puas sungguh-sungguh*;

puas-puas hingga puas (jemu): *Sharifah Barlian meneliti susuk tubuh tukang kebun itu ~*; *belum ~ belum jemu-jemu*; *tidak ~-nya tidak jemu-jemunya*;

sepuas-puas; ~ *hati = ~nya* hingga puas (kenyang dll), hingga jemu (tidak mahu lagi): *budak itu diciturnya ~ hati*; *biarlah mereka mengatakan hal kita ~nya*;

berpuas; ~ *hati* berasa puas (kenyang, lega, senang, dll);

memuaskan **1.** menjadikan (menyebabkan) puas, memberi (memenuhi, menuruti, dll) hingga puas: *wang dapat ~ kehendak-kehendak lahir*; *buah anggur sangat ~ selera saya*; **2.** memberi

kelegaan (kesenangan, kesukaan, dll) kpd, menyenangkan, menyukakan: *layanannya ~; ia ingin berbuat sesuatu yg dapat ~ hati ibunya*; **3.** memadai (harapan, hasrat, dll), menyenangkan: *pendapatan drpd hasil padi tahun ini agak ~;*

~ dahaga (haus) minum hingga hilang dahaga; ~ dendam membalas dendam; ~ hawa nafsu mengikut hawa nafsu supaya puas hatinya; ~ selera dapat memenuhi kemahuan selernya;

kepuasan perihal puas, kelegaan, kenikmatan, kesenangan: *mencari ~ dan ketenteraman jiwa;*

ketidakpuasan perihal tidak puas, perasaan tidak puas hati;

pemuasan perihal memuaskan: *~ nafsu;*

pemuas (sesuatu dsb) yg memuaskan: *~ nafsu seks lelaki.*

puasa 1. perbuatan menahan diri drpd makan dan minum dgn sengaja (utk sesuatu maksud yg tertentu); **2.** perbuatan menahan diri drpd makan dan minum dll antara waktu matahari naik hingga matahari jatuh (dlm agama Islam); *berbuka ~ makan atau minum (pd hari puasa); fardu ~ = ~ perlu* Id puasa yg diwajibkan, puasa Ramadan; *~ sunat* puasa yg tidak diwajibkan (puasa enam dlm bulan Syawal dll); **3.** = *bulan ~ bulan Ramadan: pd masa dahulu apabila ~ semua pejabat kerajaan bekerja setengah hari sahaja; hari raya ~ = ~ liburan* hari raya apabila tamat puasa (pd 1 Syawal); **4.** bp = **berpuasa:** *kau tidak ~, apa nak kira malam tujuh likur?*

berpuasa 1. berpantang makan dan minum, tidak makan dan minum; **2.** melakukan ibadat puasa (sunat dan wajib).

puatang C, bp tidak sampai maksud (tujuan), tidak beruntung, gagal, kecewa.

puawang ark pawang.

pub tempat khusus utk dan meminum minuman keras (sambil menikmati hiburan muzik).

publik **1.** orang ramai, masyarakat umum, awam, umum: *menarik perhatian ~; di muka ~ di hadapan orang ramai*; **2.** bkn orang ramai, terbuka kpd umum.

publikasi IB perihal menyiarkan atau menyebarkan (berita, buku, dll), penyebaran, penyiaran.

publisiti **1.** teknik menarik perhatian umum terhadap sesuatu (mis barangan, personaliti, dsb) terutamanya melalui media massa: **2.** perhatian umum: *seberapa boleh ia mahu mengelakkan dirinya drpd ~*; **3.** maklumat yg disebarikan utk menarik perhatian umum: *memberi ~ yg secukup-cukupnya tentang barang-barang keluaran kami*;

mempublikasikan menyebarkan maklumat tentang sesuatu perkara utk menarik perhatian umum, membuat supaya mendapat publisiti (perhatian umum): *semoga banyak pihak yg mementingkan perspektif agama ~ amalan spt sembahyang sunat gerhana, doa dan ceramah menjelang gerhana.*

puca; ~ *potong* Kl sj kain (biasanya dipakai apabila menyambut kedatangan pembesar-pembesar negeri).

pucak → **puncak.**

pucang Jw (pokok) pinang.

pucat **1.** putih pudar (air muka); ~ *sepucat-pucatnya* pucat sungguh-sungguh; ~ *cengkung* pucat dan kurus (cengkung); ~ *lesi (benehan, kelat, kemasi, kusam, lesu, mani, pasi, pudar)* pucat sungguh, pucat sekali; **2.** agak putih (warna): *merah-merah ~*; ~ *lesi bagai ayam kena lengit* prb rupa seseorang yg lemah dan pucat kerana menghidap penyakit;

memucatkan menyebabkan atau menjadikan pucat;

kepucatan agak pucat; *kuning ~ kuning* yg agak keputihan (tidak kuning sungguh).

pucik pancang atau tiang belat (kelong).

pucuk I 1. daun yg baru terbit, daun muda (di puncak pokok atau di hujung ranting): *memakan --- kayu; ~ nipah yg muda utk menggulung rokok; mati ~ a) mati pd pucuknya (tumbuh-tumbuhan); b) lemah zakar; 2.* hujung yg tajam (runcing), puncak (api, ombak, pohon, dll): *daun-daun masih terlekat di ~ pokok; 3.* yg tertinggi, yg terpenting, yg berkuasa; *ditanam ~ Mn didirikan penghulu; ~ pimpinan (pemerintahan) a) pusat atau tampuk kekuasaan (pimpinan); b) orang yg memegang kekuasaan tertinggi; 4.* penjodoh bilangan bagi surat (senjata api dll): *se~ surat; beberapa ~ senapang; 5.* ki sesuatu perasaan yg baru tumbuh (perasaan cinta dll): *~ cinta; ~ kemesraan; ~ api lidah api (hujung nyala api); ~ biji pucuk yg akan tumbuh menjadi batang (daun dll), bakal batang; ~ bulat orang yg memegang kekuasaan tertinggi; ~ jala pusat jala; ~ ombak kepala ombak; ~ pangkal pokok pangkal (asal-usul); ~ rebung a) rebung yg masih muda; b) ukiran atau lukisan yg berbentuk gerigi (pd tepi sesuatu benda); ~ tiang puncak tiang; ~ dicita ulam tiba = hendak ulam ~ menjulai prb beroleh sesuatu lebih drpd apa yg diharapkan; *bagai ~ (enau) dilancarkan (diluncurkan) prb sangat laju atau luncur perginya; lebih ~ lebih pelepah prb pertanyaan kerana membandingkan dua sahabat yg baharu dgn yg lama (mana yg lebih pucuk atau pelepah); menghendaki ~ alu = minta ~ pd alu prb menghendaki (meminta) sesuatu yg tidak akan dapat; sedangkan ~ lagi tak merah, konon pula selaranya prb sedang ia lagi kaya tidak berderma apalagi apabila tidak berwang; spt ~ dgn pelepah prb sama juga (kiasan pd orang yg bersaudara yg sama pangkat atau darjatnya), spt ~ eru, ke mana angin yg keras ke sana condongnya prb tiada tetap pendirian**

sebentar begini sebentar begitu (mana orang yg menang atau kuat itulah yg diikuti); *tidak (ber)pucuk di atas enau* prb Mn perihal seseorang yg sangat angkuh (senantiasa memandang rendah kpd orang lain); *umpama ~ dan umbut, tiada lauk baru dibaham* prb sesuatu yg kurang berguna akan dipakai juga apabila yg lain-lain tiada lagi;

berpucuk **1.** keluar pucuknya: *pokok getah ~ selepas musim kemarau*; **2.** ada pucuknya; *kata tidak ~* putusan yg terakhir (muktamad); *ke atas tidak ~, ke bawah tidak berurat, di tengah-tengah digerek kumbang* prb jika seseorang bersalah biarlah dia serta kaumnya binasa.

pucuk II **1.** sj tumbuhan (herba), *Saussurea lappa*; **2.** sj tumbuhan (palma), gebang, ibus, lontar utan, *Corypha gebanga*.

pucuk III = *ikan* ~ sj ikan laut, ikan timah langgai, selayur, *Trichiurus savala (haumela)*; ~ *pisang* sj ikan darat, *Labeobarbus faciatus*; ~ *rebung* sj ikan laut, *Chepeoides venulosus*.

pucung I = *burung* ~ sj burung, *Ardea cinerea rectirostris*; ~ *keladi (bakau)* sj burung, *Butorides striatus javanicus*.

pucung II Jw sj tumbuhan (pokok), kepayang, pakem, payang, *Pangium edule*.

pudar **1.** kurang cahayanya, tidak terang atau cerah, tidak berseri-seri, suram: *bulan yg ~; cahaya lampu yg ~*; **2.** tidak berapa terang, kabur (gambar dll), pucat (warna), tidak berseri-seri, luyu, ruyup (mata): *bajunya ~; kian lama matanya kian ~; pucat ~ pucat sekali*; **3.** tidak bersemangat lagi, tidak aktif lagi (pergerakan dll), agak kecewa (harapan dll), agak kendur atau tidak keras lagi (ajaran agama dll), tidak begitu manjur (kesakitan dll): *keaktifan persatuan mereka mulai ~; harapannya turut ~* agak kecewa; *semangatnya sudah ~* tidak bersemangat lagi;

memudar menjadi pudar, menjadi tidak atau kurang cerah (berseri-seri, bersemangat, dsb);

memudarkan menjadikan (menyebabkan) pudar, menjadikan tidak atau kurang cerah (berseri-seri, bersemangat, dll), menyuramkan: *kestabilan negara akan terancam, dan akan ~ matlamat wawasan 2020*;

kepudaran keadaan atau hal pudar: *biru ~*.

pudat ark penuh tumpat, padat.

pudi = *intan* ~ intan yg (butirnya) kecil-kecil;

berpudi dibubuh pudi;

memudikan menghancurkan (intan), menjadikan butir-butir kecil.

pudina tumbuhan renek, daunnya berbau harum, digunakan sbg perisa makanan, minuman, dsb, *Mentha spp*.

puding I sj tumbuhan (pokok kecil); jenis-jenisnya: ~ *emas*, ~ *hutan*, ~ *merah*, dll; ~ *mas* = ~ *perak* sj tumbuhan (pokok kecil), adal-adal, daun segenting, puring (Jw), *Codiaeum variegatum*.

puding II sj hidangan manis dan lembut yg dibuat drpd pelbagai bahan spt tepung, susu, telur, gula, dan buah-buahan.

pudur Mn mati (gunung berapi), padam;

memuduri, memudurkan memadamkan, mematikan: ~ *api*; ~ *nafsu*.

pueng (puéng) Kl; **berpueng** meronta-ronta (kerana hendak melepaskan diri).

pugai Sr sesuatu yg dijampi utk memikat hati seseorang, guna-guna: *aktiviti ~ menyalahi perintah agama*.

pugak ark; **berpugak-pugak** melakukan sesuatu dgn sungguh-sungguh.

pugar I; *segar*-~ sihat benar, bugar;

memugar, memugari 1. sl memperbaiki atau memperelok semula, membaharui, memulihkan: *indahnyanya konon kota negeri*,

sekaliannya baru dipugari; **2.** = ~ tanah (*hutan*) a) menjadikan hutan semula; b) membuka hutan, menebangi hutan (utk ditanami);

pemugaran **1.** pemulihan semula, perbaikan kembali, pembaharuan; **2.** perihal memugar (membuka, mengusahakan) tanah.

pugar II Mn; **memugar** melakukan atau mengerjakan dgn sungguh-sungguh, menyungguh-nyungguh;

~ *berjalan* berjalan sungguh-sungguh (cepat-cepat); ~ *minum* minum sungguh-sungguh (banyak); **pugak.**

pugas; memugas Sb meronta-ronta utk melepaskan diri drpd sesuatu: *pemuda itu akhirnya dapat ~ drpd ikatan yg membelenggu kaki dan tangannya.*

pugau; terpugau terpampang; ~ *di depan mata* terpampang di depan mata (tampak nyata).

pugut Br vandalisme.

puhu Kl reput.

puing runtuhan rumah dll: *rumahnya sudah menjadi ~*; *abu ~ abu* drpd runtuhan; *batu ~ batu* drpd runtuhan rumah; *timbunan ~ timbunan* runtuhan;

memuingkan menjadikan puing, menghancurkan rumah (bangunan dll).

puisi karangan yg berbentuk sajak (syair, pantun, dll);

berpuisi mengarang puisi, menyatakan sesuatu dlm bentuk puisi;

mempuisikan melahirkan (menyampaikan, menyatakan) sesuatu dlm bentuk puisi: *pelbagai kisah yg dipuisikan itu boleh menghiburkan hati selepas berpenat lelah di sawah ladang;*

kepuisian berkaitan dgn puisi, yg menunjukkan ciri-ciri dlm puisi: *pembaca tidak dapat memahaminya dan mutu ~nya kurang dapat dirasakan oleh pembaca;*

perpuisian segala-gala yg berkaitan dgn puisi: *kita di Malaysia telah lama berusaha membentuk suatu tradisi ~ yg kuat; sejarah ~ Melayu;*

pemuisi orang yg mencipta (mengarang, menulis atau mendeklamasikan) puisi, penyajak.

puitis bersifat puisi: *nama yg ~; pilihan kata dan pengucapan yg ~;*

kepuitisan keadaan puitis: *~ bahasanya dapat dilihat melalui banyaknya pilihan kata yg mempunyai pertalian bunyi.*

puja sj upacara penghormatan kpd dewa-dewa (berhala dll); *pesta ~ umur* pesta utk memperingati hari jadi; *~-puji* berbagai-bagai macam puja dan puji;

memuja 1. memuliakan dewa-dewa dll dgn membakar dupa (membaca mantera dll); *~ berhala* menyembah berhala; *istiadat ~ pantai* istiadat dlm perayaan pantai di Kelantan; **2. = memujamuja** mempermulia-muliakan sangat, memperdewa-dewakan, menyanjung-nyanjung, mencintai (menyukai) sangat: *hati wanita memang suka diistimewakan dan dipuja; ~ dunia* memuliakan atau menyanjung-nyanjungkan perkara-perkara dunia (wang, perempuan, dll) dgn melupakan akhirat (agama); *~-muji* memujamuja; **3.** Jw sl menjadikan sesuatu dgn membaca mantera (cipta);

pujaan 1. sesuatu (orang dll) yg dipuja(-puja): *penyanyi (penari dll) ~; ~ hati* buah hati, kekasih; **2.** sesuatu yg dipakai atau dilakukan utk (ketika) memuja: *api ~; dupa ~; tarian ~; **3. = pemujaan;** **4.** Jw, sl yg dijadikan dgn mantera, yg dipuja: *panah ~;**

puja-pujaan sesuatu yg dipuja-puja: *mereka tidak perlu kpd ~;*

pemujaan **1.** penghormatan kpd dewa-dewa (berhala dll), pujaan: *sesungguhnya arak, judi, dan ~ berhala adalah perbuatan yg berunsurkan syaitan;* **2.** tempat memuja (kuil dll);

pemuja orang yg memuja.

pujangga **1.** pengarang sajak (syair dll) yg agung dan tinggi mutunya; **2.** ahli fikir, ahli sastera (bahasa);

kepujangaan perihal pujangga (karang-mengarang kesusasteraan), sifat-sifat pujangga.

puji (pernyataan) penghargaan kpd kebaikan (kelebihan dll): *segala ~ bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam;* *puja-~* bermacam puja dan puji;

memuji **1.** menyatakan penghargaan kpd sesuatu yg baik (indah dll): *sumbangannya yg begitu besar terhadap masyarakat mesti disanjung dan dipuji;* **2.** memuliakan, menyanjung (nama Tuhan dll): *~ nama Tuhan;*

memuji-muji sangat memuji, berkali-kali memuji: *baginda ~ kepandaian ahli nujum Belalang itu;*

memujikan menyatakan (menganjurkan) bahawa elok (utk dipakai dll): *para guru dan pendidik ~ penggunaan buku itu;*

terpuji **1.** (sudah) dipuji, (sudah) dikatakan kebajikannya; **2.** sangat baik (mutu dll), termasyhur kebajikannya (mutunya dll): *sifat-sifat yg ~;*

pujian pernyataan memuji, kata-kata utk memuji: *sambil memandang guru memberikan ~, nasihat dan galakan kpd murid-muridnya; ubat ini sudah mendapat ~ drpd pemakai-pemakainya; doa (sembahyang) ~* Id doa bersama-sama pd petang hari utk memuliakan Tuhan (Roman Katolik); *surat ~ surat yg mengandungi pernyataan memuji;*

puji-pujian 1. perkataan memuji-muji kebaikan (kelebihan dll) sesuatu; **2.** ayat-ayat pd permulaan surat dll yg berisi pujian kpd orang yg dikirimi surat itu;

kepujian 1. yg dipuji, sangat terpuji: ~ *dlm ilmu hisab dan sains; pangkat* ~ pangkat yg sangat terpuji; **2.** = **pujian**; *mendapat (menerima)* ~ mendapat (menerima) pujian;

pemujian hal atau perbuatan memuji;

pemuji orang yg memuji.

pujuk = **pujukan** kata-kata yg sangat menarik utk memikat hati: ~ *rayu*; ~ *cumbuan*;

berpujuk; ~ *cumbu (rayu)* saling memakai kata-kata yg manis utk memikat hati dll;

memujuk memakai kata-kata manis dgn tujuan hendak memikat hati (mengajak, menipu, dll);

pemujukan perihal (perbuatan dsb) memujuk;

pemujuk orang yg memujuk; **bujuk I.**

pujur buruk kelakuannya (perangainya, tabiatnya), cabul.

pujut; **memujut** mencekik atau mengikat leher dgn tali (sbg hukuman), mengujut; → **kujut**.

puk I 1. bunyi spt bunyi orang memukul; **2.** bp pukul.

puk II Kl 1. masak, empuk: *ubi ini kurang* ~; **2.** getah yg berketul-ketul (tidak dimesin).

pukah patah, rekah atau bengkok patah (dahan kayu dll);

memukah memecah, mengopak, merosakkan: *setitik air pun tidak ada, ini tentu Berahim* yg ~ *gelung kita semalam; kami* ~ *papan pd dinding pondok itu*.

pukal 1. bongkah, gumpal, ketul (emas dll);

sepukal segumpal, sebongkah; *emas* ~ emas sebongkah, emas kimpal, emas tampan; *keris* ~ a) keris ganja iras; b) keris yg lurus

matanya atau bilahnya (bukan keris yg berluk); *taat setia* yg ~ taat setia yg tidak berbelah bagi; **2.** Kd bernas, tepat; *jawabannya* ~ jawabannya bernas (tepat);

memukal menjadikan pukal (bongkah, gumpal, ketul): ~ *emas*.

pukang I **1.** paha (kuda, lembu, dll); **2.** = *sela* ~ celah kangkang; **3.** sudut jangka dll;

memukang-mukang **1.** memotong-motong atau mengerat-ngerat binatang yg disembelih, menyendi-nyendi, merincik-rincik (daging); **2.** membagi-bagi, memecah-mecah (daerah dll).

pukang II; *lintang*-~ = *silang*-~ (berlari) tunggang-langgang.

pukang III → **kukang, kongkang I.**

pukang-pukang ark sj hantu yg hanya kelihatan kakinya sahaja.

pukas **1.** kemaluan perempuan, puki; **2.** Kd, sr orang latah (terkejut): *oh* ~;

berpukas berbogel, bertelanjang (perempuan);

berpukas-pukasan sindir-menyindir dgn kata-kata yg tidak senonoh, berlaku tidak senonoh; *mandi* ~ mandi bertelanjang dgn tidak malu-malu.

pukat sj jaring besar dan panjang utk menangkap ikan, biasanya digunakan di laut; jenis-jenisnya: ~ *bawal*, ~ *cang*, ~ *cina*, ~ *hanyut*, ~ *harimau*, ~ *tangkal*, ~ *tarik*, ~ *tunda*, dll;

mata ~ lubang-lubang pd pukat, *pawang* ~ orang yg ahli dlm menangkap ikan dgn pukat, *perahu (sampan)* ~ perahu (sampan) utk menangkap ikan dgn pukat, perahu mayang, perahu pelayang; ~ *terlabuh ikan tak dapat* prb pekerjaan yg sia-sia;

memukat menangkap ikan dgn pukat;

pemukat **1.** nelayan yg menggunakan pukat; **2.** perahu mayang.

pukau sj tepung (drpd biji kecubung dll) atau jampi serapah (tangkal dsb) yg digunakan utk memabukkan orang atau membuat orang

tidur lelap; *kena* ~ a) ki hilang akal, tidak dapat berkata (berbuat) apa-apa, bingung, terdiam; b) dipukau (oleh pencuri);

memukau **1.** mengenakan (membubuh) pukau; **2.** ki memperdaya, mengakali, menipu; **3.** memikat hati, mempesonakan, mengagumkan: *kerajinan serta ketekunan orang Jepun membangunkan negara mereka ~ seluruh dunia;*

terpukau **1.** tertidur (mabuk) kerana kena pukau; **2.** ki terpedaya, tertipu; **3.** terpesona, terpikat (hati): *ribuan penonton ~ oleh persembahan yg agak luar biasa itu;*

pukauan hasil perbuatan atau usaha memukau: *dia membaca sedikit mantera utk menyedarkan anaknya drpd ~ itu;*

pemukau orang yg mengenakan pukau.

puki I **1.** bk kemaluan perempuan, pukas; **2.** = ~ *mak* sj makian, carut.

puki II; ~ *anjing* sj tumbuhan (pokok besar), salah nama, *Cynometra cauliflora*.

pukul I **1.** ketuk (dgn benda yg keras atau berat); **2.** ki ketuk (dgn perkataan dll), perintah; *kena* ~ a) kena ketuk, diketuk; b) mengalami kerugian (dimarahi, ditipu, dsb); *salah* ~ a) salah mengetuknya; b) satu kali berbuat (bekerja, bertindak, dll); *tukang* ~ orang yg biasa memukul orang dgn upah, jagoan, samseng; **3.** bahagian drpd sesuatu hari spt yg ditunjukkan oleh jam, waktu tertentu dlm sesuatu hari: *jarum pendek dipanggil jarum '~nya', kerana ia menunjukkan waktu dgn bilangan ~ jam; kami sampai di rumah ~ lima petang; jam* ~ jam yg menyatakan waktu; **4.** bp = **memukul** mengetuk; ~ *dulu bayar belakang* barangnya diambil dulu, pembayarannya dibuat kemudian; **5.** bp mengenakan cap (harga), menetapkan harga, menaksirkan: *mengikut kemahuanku dgn harga yg telah aku ~ kpd mereka;*

~ *besar* untung besar; ~ *besi* tukul besi, palu (martil) drpd besi; ~ *cap* mengenakan (membubuh) cap; ~ *curi* a) memukul dgn bersembunyi, memukul dan lari; b) tidak berani bertanggungjawab; ~ *gambar* bp bergambar; ~ *gebang* bp bergebang sahaja, berbual-bual sahaja; ~ *kaki* bp berjalan kaki; ~ *rata* hitung panjang; ~ *tidak tahu (peduli)* bp buat tidak tahu (peduli) saja;

~ *anak sindir menantu* prb lain orang yg dimarahi, lain orang pula tujuan kata-katanya; ~ *anjing tak pandang mata tuannya* prb orang yg terdesak hilang takutnya; *kena ~ di punggung, gigi habis tanggal* prb sindiran itu lain dikata lain pula ertinya (kata sindiran bagi seseorang akan mengenai orang ramai);

memukul 1. mengenakan sesuatu yg keras atau berat dgn kuat, memalu, membalun, menempa, mengetuk, meninju, menokok, menumbuk, dll: *kepalanya dipukul dgn besi paip*; ~ *beduk (gendang, genderang, tabuh, tambur, dll)* membunyikan beduk dll dgn pemalu; **2.** ki melanggar, menempuh, mengalahkan, menyerang, dll: *apabila ia datang ~ Tanah Jawa maka mereka pun hendaklah menyerta bersama-sama dr darat; perahunya terbalik dipukul ombak Laut Kalzum; bersinar-sinar bercahaya dipukul cahaya bulan* bersinar-sinar bercahaya ditempuh cahaya bulan; **3.** ki mengambil (mendapat) untung banyak-banyak, mengecoh, menipu: *ini bukan menolong tetapi ~ namanya*; **4.** ki memakan atau membunuh (dlm permainan catur): *tidak dapat ~ kuda*; **5.** ki = **memukulkan** ark Id memperbanyakkan, mendarabkan, mengalikan: *belajar membahagi dan ~; dua dipukulkan dgn tiga*;

~ *besi* menempa besi; ~ *cap* mengecap; ~ *gambar* mengambil gambar, memotret; ~ *gamelan (canang, gong, sarun, dll)*

memainkan gamelan dll; ~ *kawat* Id berkirim telegram; ~ 'knock-out' meninju sehingga langsung kalah; ~ *meja* mengetuk meja; ~ *mundur* menyerang (musuh) hingga mundur; ~ *musuh* menyerang (mengalahkan) musuh; ~ *rata(kan)* menjadikan rata-rata, menyamaratakan; ~ *roboh* meninju sampai roboh; ~ *telepon* bp bertelepon; ~ *telur (dll)* mengacau telur (supaya hancur dan naik); *dipukul lutut sakit, direngkuh siku ngilu* prb Mn serba salah dlm sesuatu pekerjaan yg sangat sulit (dikerjakan berbahaya, tidak dikerjakan pun berbahaya);

pukul-memukul saling memukul antara satu sama lain;

memukuli, memperpukuli memukul berkali-kali, mengajar;

memukulkan **1.** memukul dgn; **2.** memukul utk orang lain; **3.** ark memperbanyakkan, mendarabkan: *dua dipukulkan dgn tiga*;

terpukul **1.** memukul atau dipukul dgn tidak sengaja, terhantuk: *kepalanya ~ keras pd bucu meja*; **2.** ki tersinggung: *dia berasa ~ dgn kata-kata sahabatnya itu*;

pukulan **1.** hasil perbuatan memukul: ~ *yg tidak berhenti-henti drpd lawannya*; **2.** ketukan, hentaman, serangan: *menerima ~ hebat drpd angkatan bersenjata*; ~ *kilas* pukulan yg dilakukan dgn bahagian belakang tangan yg memegang raket menghala ke pemain lawan dlm permainan badminton, tenis dsb;

pemukulan hal atau perbuatan memukul atau memukulkan;

pemukul **1.** orang yg memukul: ~-~ *rebana duduk di belakang para penari*; **2.** alat utk memukul; ~ *besi* tukul drpd besi.

pukul II; ~ *lima* sj tumbuhan (pokok besar), *Enterolobium saman*.

pukul III; ~ *gendang* sj ikan laut, *Parapercis pulchela*.

pul I IB, bp **1.** kutub; **2.** pusat pengumpulan kereta dll.

pul II; *kacang* ~ sj kacang.

pula **1.** sekali lagi, berulang lagi, datang lagi, kembali lagi: *kelmarin sudah tidak hadir, hari ini tidak hadir ~; nampaknya saya ini dicalonkan ~*; **2.** = lagi ~ lebih-lebih lagi, tambahan lagi; *memang ia mempunyai kelayakan, lagi ~ ia seorang yg sangat suka berkhidmat; istimewa ~ lebih-lebih lagi*; **3.** juga (sama halnya dgn yg terdahulu): *saya pun demikian ~; saya ~ yg menyokongnya*; **4.** gerangan, konon (yg bererti tah): *apa ~ yg mengganggu fikirannya itu?; apa ~ ertinya hidup seorang yg telah putus harapannya?*

PULADA akronim bagi Pusat Latihan Darat.

pulai sj tumbuhan (pokok), *Alstonia spp.*; ~ pipit sj tumbuhan (pokok), medang api (kelawar, miang), jambu kelawar mengkerai hutan, setui tupai, *Elaeocarpus stipularis*; ~ berpangkat naik, manusia berpangkat turun prb manusia itu haruslah meninggalkan nama dan perbuatan yg baik.

pulan **1.** empuk atau lembut, tidak lembik (nasi dll); **2.** belum masak benar lagi (ubi yg direbus dll).

pulang **1.** pergi ke tempat asalnya, pergi ke rumah, balik, kembali: ~ *ke negerinya sendiri; suaminya masih belum ~ drpd kerja; ~ kpd isterinya yg pertama rujuk semula dgn isterinya yg pertama; ~ kpd yg punya terserah (balik) kpd tuan punya*; **2.** ~ *kpd jatuh kpd, terserah kpd, bertanggung atas: hal ini ~ kpd bapa hal ini terserah kpd bapa; kalau terjadi sesuatu ~ kpd tuan kalau terjadi sesuatu tuanlah yg menanggungnya;*

~ *asal* a) kembali ke asalnya; b) kembali kpd keadaan yg asal; ~ -*balik* = ~ -*pergi* a) pulang dan pergi; b) hilir-mudik, ke sana ke mari (mundar-mandir); ~ *haji* kembali dr naik haji; ~ *hari* kembali lagi pd hari yg semula (sesudah enam hari, spt hari Minggu sampai hari Minggu berikutnya); ~ *ikhtiar (kpd)* terserahlah ikhtiarnya

(kpd); ~ (ke) *kandung* kembali ke tempat asalnya; ~ *ke rahmatullah* meninggal dunia, mati; ~ *maklum kpd* terserah kpd pendapat (pertimbangan) orang; ~ *modal* mendapat modal kembali (tidak mendapat untung, tetapi tidak pula rugi); ~ *nama* yg pulang hanya namanya (mati di perantauan atau di medan perang dll); ~ - *paling* ark bolak-balik, hilir-mudik, ke sana ke mari; ~ *pohon* = ~ *pokok* Id pulang modal; ~ *pulih* sembuh semula, kembali lagi;

sepulang waktu (masa) pulang, sekembali;

berpulang = ~ *ke rahmatullah (ke asalnya, ke negeri yg baqa)* meninggal dunia; ~-*paling* berulang-alik;

memulangi **1.** rujuk dgn isteri yg telah diceraikan: *kehidupannya menjadi bertambah baik sejak ia ~ isterinya*; **2.** Mn memperisteri saudara sepupu: *apabila engkau ~ anak mamakmu, maka ...*;

memulangkan **1.** membawa pulang, mengirimkan (ke tempat asalnya, ke rumahnya, dll), mengembalikan: ~ *motokar itu kpd tuannya*; *semua tawanan perang dipulangkan ke negeri masing-masing*; ~ *kata* membalas (menjawab); **2.** menyusun (mengatur) semula, memulihkan: *susunan pegawai dan kakitangan pejabat ini dipulangkan spt susunan yg dahulu*; *Raja Sulaiman hendak dipulangkan jadi bendahara semula*; ~ *nafas* beristirahat; **3.** merujukkan (kpd), menyerahkan (kpd): *semua pihak bersetuju soal perbalahan itu dipulangkan kpd pucuk pimpinan bagi menyelesaikannya*;

terpulang terserah: *semuanya ~ kpd kemahuan mak, saya menurut saja*;

pulangan hasil drpd atau pendapatan penanaman modal (pekerjaan, pemberian, perkhidmatan, dll);

kepulangan perihal pulang: ~*ku disambut oleh ibu dan keluarga dgn mesra*;

pemulangan perbuatan memulangkan, pemulihan, pengembalian.
pulangan tempat duduk orang yg mendayung atau mengayuh (dlm perahu).

PULAPOL akronim bagi Pusat Latihan Polis.

pulas I; berpulas, berpulas-pulas berputar-putar, berpintal-pintal, berpusing-pusing (tali dll);

memulas 1. memusing (kunci, leher, skru, telinga, dll), memutar: *jika boleh tangkai bunga itu hendaklah dipulas sedikit sebelum dilentur*; **2.** memegang sesuatu lalu diputar, memilin, memiuh (kain basuhan, tali, dll): *kain itu dipegang dgn dua belah tangan kemudian dipulas, keluarkan seberapa banyak air yg dapat*; **3.** ki memutarbalikkan (kebenaran, perkataan, dll): *seorang yg terkenal pandai ~ perkataan; tujuan atau maksud ayat itu sudah jelas tidak dapat dipulas lagi; ~ pusing bp memutarbalikkan (perkataan dll)*;

pemulas alat utk memulas (skru dll).

pulas II; memulas berasa sakit spt berpilin-pilin dlm perut, mulas; *usus* ~ sakit kejang pd usus.

pulas III; (ber)hempas-~; → hempas.

pulas IV Jk nyenyak atau nyedar (tidur): *anak-anak sudah ~ tidur*;

kepulasan tertidur nyenyak (nyedar).

pulas V Jw; **memulas 1.** mewarnai, mengecat, menyapu (dgn bubuk dll yg berwarna): *dinding rumah itu dipulas dgn kapur putih; ~ gambar; pipinya dipulas merah jambu*; **2.** memperbaiki (mengembang) tayar luar yg telah haus; *tukang ~ ban* Id tukang yg membaiki tayar;

pulasan 1. yg sudah dipulas (diwarnai); **2.** = **berpulasan** ki nampaknya saja baik, tidak asli (tulen), palsu; **3.** ark tayar yg dipulas.

pulas VI; ~ keladi sj ikan laut, *Caranx sexfasciatus*.

pulasan sj tumbuhan (pokok spt pokok rambutan), arang para, gerat, merat, mutan reba, rambutan kafri, *Nephelium mutabile*; ~ hutan
a) sj tumbuhan (pokok tinggi yg buahnya manis), buah nangka pipit, kelempayan, mepayan, mengkal, tumbang dayung, *Nauclea maingayi*; b) sj tumbuhan (pokok), bengkel, empayan, kelampi, kelempayan, mepayan, mengkal, timbung dayung, *Anthocephalus cadamba*.

pulasari 1. sj tumbuhan (pokok kecil yg daunnya tipis), empelas hari, *Alyxia forbesii*; **2.** sj tumbuhan (pokok memanjat yg bunga dan kulitnya wangi), akar bagan, empelas hari, mepelasari, mepelas hari, *Alyxia lucida*.

pulasi Id wang belanja yg harus dibayar oleh orang yg menjual tanah (rumah).

pulau tanah atau daratan dikelilingi oleh air (di laut, di sungai, dll); *belayar di* ~ kapuk Id, bp tidur; ~ sudah lenyap, daratan sudah tenggelam gagal sama sekali; ~ harapan (*perca*) Id Pulau Sumatera; ~ karang (Geog) pulau yg terjadi drpd batu karang (jauh dr daratan), terumbu;

belayar menentang (mengadang, menuju) ~ prb sesuatu pekerjaan itu harus ada tujuannya; *spt batu di* ~ prb amat banyak;

berpulau, berpulau-pulau 1. bertompok-tompok (orang, kampung, dll); **2.** mempunyai pulau (lautan dll);

pulau-memulau saling memulaukan: *kejadian* ~ juga berlaku dlm masyarakat itu;

memulaukan 1. memisahkan drpd yg lain, mengasingkan, menyisahkan seseorang atau menyisahkan diri daripadanya (sehingga tidak ada perhubungan antaranya dgn orang lain): *mereka yg melanggar pantang larang kadangkala dipulaukan oleh keluarga sendiri; orang itu telah dipulaukan drpd*

masyarakat setempat; 2. enggan menyertai atau berurusan dgn sesuatu, memboikot: hanya Parti Buruh sahaja yg ~ pilihan raya kali ini;

terpulau dipulaukan, disingkirkan;

kepulauan sekumpulan pulau, gugusan beberapa buah pulau: ~ *Melayu; ~ Riau;*

pemulauan perbuatan memulaukan, pemboikotan, pengasingan: ~ *terhadap barang-barang dr Afrika Selatan.*

Pulau Pinang negeri di luar pantai barat Semenanjung, keluasan 285 km², Georgetown sbg ibu negeri.

pules Jk nyedar atau nyenyak (tidur); **pulas IV.**

puli Tr sj kuih drpd ubi kayu dan manisan.

pulih I kembali spt biasa (keadaan semula), sembuh atau baik semula (drpd sakit dll), menjadi baik (baharu lagi): *kesihatannya ~ semula; keadaan sudah ~ spt sediakala; penghidupan telah ~ sedikit; perhubungan mereka ~ spt biasa; keberaniannya kembali ~ keberaniannya datang semula; pulang ~ pulih semula;*

memulihkan 1. mengembalikan kpd keadaan yg semula, membaiki, menyembuhkan: *menawarkan khidmatnya utk menolong ~ keadaan; masa lapangnya digunakan utk menolong ~ akhlak budak-budak jahat; bagaimana kita ~ barang-barang yg rosak itu?; berusaha ~ lagi organisasi kaum buruh; 2. memberi kembali (kpd tuannya), memulangkan, mengembalikan: ia ~ barang itu kpd tuannya;*

kepulihan keadaan pulih;

pemulihan perbuatan memulihkan, pengembalian kpd keadaan yg semula, pemulangan atau pengembalian (hak, harta benda, dll): *rundingan ~ hubungan antara dua negara yg bersengketa; satu lagi cara ~ buku drpd rosak ialah dgn menggunakan plastik;*

sekiranya ini tidak dilakukan kerja-kerja ~ tanah perlu dilakukan;
~ harga pengembalian harga drpd paras yg lebih rendah (akibat berlakunya kemerosotan harga) kpd keadaan sebelumnya atau paras yg lebih tinggi;

pemulih alat utk memulihkan: *injak ~.*

pulih II; *burung tua ~ sj burung, Malacopteron cinereum.*

pulihara; memulihara memulihkan serta memelihara (menjaga dsb), melindungi sesuatu supaya sentiasa berada dlm keadaan yg baik: *kita juga akan melihat betapa pentingnya bentuk muka bumi ini kpd kita dan mengapa kita harus mengekalkan dan ~nya;*

pemuliharaan perihal (proses, usaha, perbuatan, dsb) memulihara (sesuatu): *kini usaha sedang dipergiat utk memelihara serta memulihkan kesuburan tanah agar dapat digunakan selama-lamanya, iaitu usaha yg dikenali sbg ~ tanah.*

puling I pialing.

puling II; *pata ~ sj ikan darat, kerengkek, Puntioplites fasciatus; pata.*

puling III sj burung, burung nuri, *Psittinus c. cyanurus.*

puling IV Kl sj alat bunyi-bunyian yg ditiup (diperbuat drpd tanah liat, berongga dan berbentuk burung).

pulmonari (Ubat) berkaitan dgn paru-paru: *arteri ~.*

pulpa 1. bahan yg diperoleh drpd kayu dll secara kimia atau mekanikal utk dibuat kertas; **2.** (Ubat) bahagian gigi paling dalam yg lembut dan mengandungi saraf dan salur darah.

pulpen (pulpén) IB tangkai (batang) pena yg berisi tinta (dakwat).

puluh = **sepuluh** sembilan dicampur dgn satu (10); *dua ~ dua kali sepuluh (20); angka ~ angka yg kedua dr kanan (selepas angka se dlm deretan angka);*

persepuluh dibahagi sepuluh; *se~ satu dibahagi sepuluh (1/10);*

berpuluh-puluh beberapa puluh, banyak puluh: *ia menelefon ~ kali banyaknya; pengarang-pengarang telah berjaya menghasilkan ~ tajuk setahun;*

puluhan **1.** bilangan sepuluh: *penyair tahun enam ~;* **2.** bp berpuluh-puluh: *harga yg ~ kali mahal drpd harga biasa;*

perpuluhan, persepuluhan berhitung (ukuran dll) yg berdasar sepuluh-sepuluh: *angka ~; pecahan ~* pecahan yg menggunakan titik perpuluhan (spt 0.5, 0.8, dll); *titik (tanda) ~* titik (noktah) antara angka penuh dan angka perpuluhan (spt 7.5, 8.6); ~ *berulang* angka perpuluhan yg nombor akhirnya terus berulang (spt 0.83333); ~ *penuh* perpuluhan yg nombor akhirnya tidak berulang.

pulun I; berpulun-pulun **1.** bergumpal-gumpal atau berkepul-kepul naik ke atas (bkn asap); **2.** berlipat-lipat, bertompok-tompok (kain);

memulun-mulun menggulung-gulung, melipat-lipat (kain dll).

pulun II Kd (ber)sungguh-sungguh: *bukan main lagi dia ~ buat kerja itu.*

pulung Jk butir, gentel, untal (pel);

memulung **1.** membuat butir, menggentel (ubat dll); **2.** menggulung (rokok dll).

pulur isi atau bahagian yg lembut dlm batang tumbuh-tumbuhan; →

empulur I.

pulut I getah (drpd tumbuh-tumbuhan utk menangkap burung);

memulut **1.** menangkap burung dll dgn getah, menggetah (burung dll): *ia selalu ~ burung tekukur;* **2.** ki memikat (hati), membujuk-bujuk: *banyak gadis yg terpikat kepadanya kerana dipulut dgn kata-kata yg manis;*

terpulut **1.** kena pulut, terlekat; **2.** terpikat (hatinya), tertipu.

pulut II 1. = *beras* ~ = **siipulut** Mn sj bijian spt beras tetapi lebih berkanji, beras ketan; **2.** sj penganan yg dibuat drpd beras ketan; jenis-jenisnya: ~ *dakap*, ~ *kacau*, ~ *kuning (kunyit)*, ~ *kinta*, ~ *panggang*, ~ *udang*, ~ *urap*, dll;
dilihat ~, *ditanak berderai* prb Mn apa yg kelihatan pd lahirnya berlainan dgn keadaan sebenarnya (kelihatan sbg orang kaya tetapi sebenarnya miskin dll); *sebab* ~ *santan binasa sebab mulut badan binasa* prb perkataan yg tajam itu kerap kali mendatangkan kecelakaan kpdt diri sendiri.

pulut III; ~ *lembu* = **pulut-pulut** sj tumbuhan (pokok renek), kelulut, pepulut, *Urena lobata*;

pulut-pulut 1. sj tumbuhan (rumpai), lemak ketam, *Melochia corchorifolia*; **2.** sj tumbuhan (rumpai), daun susu babi, pokok lokman al-hakim, rumput pasir (tahi babi), sembung gajah, *Adenostema lavenia (viscosum)*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok renek), merepuh, setampin, tampin hutan, *Mallotus griffithianus*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok kecil), jarak hutan, ludai api, sembang, tapak gajah, *Mallotus porterianus*; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), pokok melukut (pepulut), *Chrysophyllum roxburghii*; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput bawang, siameh gunung, siamit, *Fimbristylis asperrima*.

pulutan sj ikan laut, *Tachysurus spp.*

puma sj binatang liar yg termasuk dlm famili kucing, rupanya seakan-akan singa, berbulu coklat kekelabu-kelabuan dan berekor panjang, biasanya terdapat di kawasan pergunungan Amerika Utara dan Selatan, kugar, *Felis concolor*.

pumis; *batu* ~ batu gunung berapi yg porous dan ringan yg biasanya digunakan utk menggilap dan sbg bahan pelelas, batu apung, batu timbul: *tepung* ~.

pumpun I Mn; **berpumpun** berhimpun, berkampung, berkumpul; ~ *abu* ada alamat-alamat (tanda-tanda) kesalahan;

memumpun menghimpunkan, menampungkan, mengumpulkan;

terpumpun terhimpun, terkampung, terkumpul, terpusat;

pumpunan 1. tempat berkumpul, tempat utk dikumpulkan; **2.** himpunan, kumpulan, perkumpulan; *pusat jala ~ ikan* prb (menjadi) tempat berkumpul (menjadi pusat bermacam-macam hal atau urusan), pusat pentadbiran, pusat pemerintahan.

pumpun II sj lipan laut (boleh dibuat umpan kail).

pumpun III Mn ark tumpul.

pun 1. juga, dan demikian juga: *memang saya ~ berpendapat demikian; perkara rompakan ~ berkurangan waktu akhir-akhir ini; esok ~ boleh saya ambilkan; itu ~ dia datang; permintaannya itu sudah ~ diterima; 2.* biar, kendati, meski, walau: *susah ~ dikerjakannya juga; hendak tidak ~ makan jugalah saya; 3.* bahkan, malahan, sedangkan... (apa lagi...): *duduk ~ penat apa lagi berjalan; jangankan menegur memandang ~ tidak hendak; 4.* apa saja, bagaimana saja, apa-apa jua: *apa ~ dikerjakannya (juga); siapa ~ boleh menjadi ahli persatuan ini; 5.* ~ ...lah utk menyatakan bahawa perbuatan mulai berlaku (terjadi): *maka rotan itu ~ tumbuhlah; 6.* utk menguatkan serta menegaskan pokok ayat: *setelah selesai bersiram baginda ~ berangkat masuk ke dlm istana; 7.* = *sekali ~ sekali juga; kalau ya ~ biarlah aku bersalin dulu; tidak bayar ~ tidak apa; apalah yg Ida berikan kpd abang tu, tidak sejempit ~ tidak sedikit jua pun.*

punah I 1. binasa atau rosak semuanya, habis semuanya musnah: *tanaman mereka habis ~ dimakan babi; bandar yg cantik itu ~ dibom oleh kapal terbang Jepun; 2.* mati semuanya (tidak ada lagi yg tinggal sisanya): *larangan itu diadakan utk mengawal supaya*

binatang-binatang itu jangan sampai ~; **3.** hilang semuanya, lenyap semuanya, musnah: *mendengar itu ~lah harapannya*; *~ranah* rusak binasa;

memunahkan menghabiskan semuanya, melenyapkan semuanya, membinasakan semuanya, memusnahkan, menghancurkan: *mereka mencuri dan ~ harta benda orang*;

kepunahan perihal (keadaan) punah, kemusnahan, kehancuran;

pemunahan perbuatan memunahkan: *~ tanah di negeri-negeri yg beriklim sederhana*.

punah II sj tumbuhan (pokok) dlm famili Tetrameristaceae, tuyut (Sabah), entuyut (Sarawak), *Tetramerista glabra*.

punai I 1. sj burung spt merpati (kecil sedikit dan hijau); **2.** bp kemaluan lelaki;

~ bakau sj burung punai, *Treron f. fulvicollis*; *~ berkok lengguak* = *~ lengguak* sj burung punai, *Butretron capellei magnirostris*; *~ bukit* sj burung punai, *Sphenurus robinsini*; *~ daun* = *~ ara* = *~ kericau* sj burung punai, *Treron c. curvirostra*; *~ gading* = *~ jambu* sj burung punai, *Ptilinopus jambu*; *~ gunung* sj burung punai, *Sphenurus s. seimundi*; *~ kocok* sj burung punai, *Treron vernans griseicapina*; *~ lembu* terkukur api, *Macropygia ruficeps malayana*; *~ siul* sj burung punai, *Treron o. olax*; *~ tanah* = *~ dekut* sj burung punai, *Chalcophaps i. indica*.

punai II; **1.** *dawai (kawat) mata* ~ sj jaring yg dibuat drpd dawai kecil (utk reban ayam dll); **2.** *kain mata* ~ sj kain jarang (utk membuat kelambu); **3.** *mata* ~ sj anyaman.

punai III; *~ bintang* sj tumbuhan (pokok renek), *Polyalthia spp.*

Punan suku kaum peribumi Sarawak, termasuk dlm kumpulan Orang Ulu, yg tinggal di pedalaman, terutamanya di Hulu Sungai Baram

dan Sungai Rejan, dan kegiatan utamanya memburu dan memungut hasil hutan

punat 1. benih (bisul dll), mata bintil (bengkak dll): *macam bisul yg pecah ~nya*; **2.** ki sumber segala kejahatan; **3.** bp tombol (lampu, radio, dll): *ia memetik ~ lampu di dinding dan ruangan itu menjadi terang.*

PUNB kep Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

punca I 1. hujung (benang, obor, tali, dll); *~ tali kail hujung tali kail yg dipegang*; **2.** sudut kain (sebai, selendang, dll) yg lepas tergantung: *terpandang ~ baju layang dlm tiang seri; ~ sebai hujung sebai yg tergantung*; **3.** tingkatan permulaan (pengetahuan), pengantar, pendahuluan (pengetahuan dll); *kitab ~ usuluddin; perpustakaan sekolah mestilah berkhidmat sbg ~ pengajaran*; **4.** pangkal, perdu (asal mulanya, kerana, lantaran, sebab), pokok, tajuk (perbicaraan dll): *~ pertengkaran yg umum sekarang ialah soal-soal pilihan raya; harta akan terus menjadi ~ ketegangan yg hebat; ibu dan anak-anak yg sihat itu adalah satu drpd punca-punca kebahagiaan rumah tangga; apa ~nya apa sebabnya; mula ~nya mulanya (sebabnya); tidak tentu ~nya tidak tentu pokok persoalannya; tenggelam (kehilangan) ~ tidak tentu lagi pokok pemikiran (perbualan, pemikiran, dll); tidak tahu apa yg hendak dibuat; ~ ganda dua ($\sqrt{\quad}$) (spt $\sqrt{4} = 2$), akar (Id); ~ ganda tiga ($\sqrt[3]{\quad}$) (spt $\sqrt[3]{8} = 2$ dll); ~ persamaan (Mat) nilai nombor yg tidak diketahui dlm ilmu hisab (spt $2n + 7 = 25$ dll); **5.** sumber, asal (berita, penghidupan, pendapatan, dll): *berita ini diperoleh drpd ~ yg boleh dipercayai, matahari boleh dikatakan sbg satu ~ kehidupan; dinamo itu merupakan suatu ~ tenaga elektrik; wang yg didapati drpd segala ~;**

~ *hasil* sumber pendapatan; ~ *kekayaan* sumber kekayaan; ~ *pendapatan* perkara yg mendatangkan pendapatan;

berpunca; ~ *drpd* berasal drpd, bersumber drpd: *masalah-masalah yg kita hadapi kini ~ drpd penjajahan juga.*

punca II Mn; *angin ~ beliung* angin puting beliung (olakan angin).

puncak 1. bahagian yg tertinggi (bukit, gunung, menara, pokok, dll): ~

Titiwangsa yg diliputi awan; bendera negara kita sudah berkibar di ~ tiang; **2.** (Mat) titik sudut segi yg berhadapan dgn garis dasar,

titik tempat pertemuan dua (atau lebih) garis, hujung sudut: *sebuah sudut yg ~nya pd pusat O bulatan;* ~ sudut titik tempat

pertemuan dua garis atau lengan sudut; **3.** ki paras dsb yg teratas, paras dsb yg tertinggi: *apabila matahari sampai ke ~nya pasar itu*

sunyi senyap; semua orang ingin sampai ke ~ hidup; harga barang-barang membumbung tinggi dan dirasakan tidak lama lagi akan sampai di ~nya;

~ *gigi* Id bahagian gigi yg di sebelah atas; ~ *kejayaan* kejayaan yg tertinggi; ~ *paru* Id hujung paru-paru;

memuncak 1. menuju ke puncak, membumbung tinggi-tinggi, meningkat ke paras dsb yg tinggi atau makin tinggi, tinggi-tinggi:

api yg sedang marak dan ~ sekali; **2.** menjadi sangat (genting, tegang, dll), meluap-luap (semangat dll), melambung (harga):

kemarrahannya kian ~; kegiatan pejuang-pejuang BK yg ~ dr hari ke hari; harga barang-barang di kedainya ~ naik;

memuncakkan menjadikan (menyebabkan) memuncak: *usaha utk ~ krisis hendaklah diperlahankan;*

pemuncakan proses (perbuatan) yg menyebabkan sesuatu memuncak: *kebanyakannya disebabkan ~ daya khayal;*

pemuncak 1. puncak; **2.** Mn orang yg tertinggi pangkatnya; **3.** johan, juara.

punci sl baiklah, mujur benar, untunglah: *sekali-sekali tiadalah aku melihat ia membesarkan dirinya baik drpd kelakuannya ataupun pakaiannya, ~ orang-orangnya yg memakan gajinya memakai spt orang besar-besar.*

pundak bahu (juga dlm erti kiasan): *di atas ~ merekalah terletaknya tinggi rendah mutu ilmu nanti; angkat ~ bp menyatakan (menunjukkan) tidak tahu; tertanggung (terpikul) di atas ~ (tanggungjawab dll) terletak di atas diri.*

pundi I = pundi-pundi 1. kantung kecil (tempat wang dll), dompet kecil; **2.** ki perbendaharaan;
~ *hempedu* kantung pd hati tempat tersimpannya hempedu; ~ (*air*) *kencing* kantung kecil yg mengandung air kencing (terletak di hadapan rongga punggung), kandung kencing; ~ *udara* kantung udara.

pundi II Jw ark; **memundi-mundi, memundi-mundikan** menjunjung tinggi, memuliakan, menghormati: *perempuan mereka dipundipundikan sbg dewi.*

punding ark kusutan atau simpulan (tali, benang, dll).

pundung pondok.

punduk Br; **punduk-punduk** duduk (seorang diri) dgn tidak berbuat apa-apa;

berpundukan duduk lebih drpd seorang dgn tidak berbuat apa-apa, melepak.

pungar Br pokok mati.

punggah; ~ *angkat* mengangkut;

memunggah 1. menurunkan (muatan kapal dll): *orang biasa tidak boleh membuat kerja memuat barang-barang ke dlm kapal atau ~ barang-barang dr kapal; **2.** membongkar, membuka (rumah dll):*

lepas itu D.O. datang suruh Pak Long ~ hari itu juga; siapa yg ~ tempat tidur kita ni?

punggahan 1. tempat memunggah barang-barang; **2.** muatan yg sudah dipunggah: *menerima ~ dr kapal;*

pemunggaan perbuatan memunggah: *keadaan yg tidak begitu baik menyebabkan ~ barang-barang terbatas;*

pemunggah orang yg memunggah, alat (jentera) yg melakukan kerja memunggah.

punggai I sj tumbuhan (pokok), bengang, durian badak (tuang), baha-baha, huhu-huhu, *Coelostegia griffithii*.

punggai II; memunggaikan melontari (dgn kayu, utk menjatuhkan buah dll);

pemunggai = *kayu* ~ kayu dll utk memunggaikan, pelontar.

punggal I ark → **punggai II**.

punggal II Jk terpotong atau terkerat (hujung, pucuk, dll);

memunggal memotong, mengerat, mematahkan (pucuk dll).

pungguk I sj burung helang malam atau burung hantu, betemak, *Ninox scutulata malaccensis*; *burung ~ api* sj burung pungguk, *Phodilus b. badius*; *spt ~ merindukan bulan* dikatakan kpd orang yg sangat rindu pd kekasihnya.

pungguk II tidak berekor (ayam dll), dogel, dogeng.

punggung 1. pantat, bokong, pinggul; **2.** Id bahagian sebelah belakang dada (manusia dan binatang), belakang; *buah ~ buah pinggang, ginjal; tulang ~ a) tulang belakang; b) sesuatu yg menjadi kekuatan; 3. sesuatu yg menyerupai belakang: ~ bukit (gunung); 4. bahagian sebelah belakang atau atas (pd sesuatu benda): ~ kaki; ~ pisau (lading dll);*

memunggung Mn 1. memperlihatkan punggung, membelakang; **2.** ki tidak hendak mempedulikan saudara-mara lagi;

punggung-memunggung belakang-membelakangi (beradu punggung);

memunggungi menghadapkan punggung kpd: *mereka memandang arah selatan, daratan Tiongkok dipunggungnya.*

punggur batang kayu mati yg tidak ada dahannya lagi;

~ *rebah belatuk menumpang mati* prb jika orang yg jadi pelindung atau penaung jatuh, anak buahnya pun akan merasai akibatnya; *bagai* ~ *rebah* prb keadaan seseorang yg gemuk jatuh;

memunggur ark menjadi buruk (kering mati): *diharap kasih sayang kita tidak ~ dek kepanasan.*

pungkah, pungkahan ark bongkah: *beberapa ~ kayu.*

pungkas I Jw yg akhir (penghabisan).

pungkas II Sr marah yg amat sangat: *abangnya ~ lalu mengamuk apabila mendapat tahu tanaman di kebunnya dimusnahkan oleh ternakan jiran.*

pungki sj bakul (keranjang) tempat sampah; → **pengki.**

pungkir ark; **dipungkiri** dimungkiri; → **mungkir.**

pungkis → **pongkes.**

pungkur 1. sl belakang, burit(an), punggung; **2.** = **pemungkur** ark sisa (sagu dll).

pungut; *anak* ~ anak orang lain yg dipelihara dr kecil (anak angkat); *mak* ~ mak kpd anak pungut; *saudara* ~ orang lain yg dipelihara oleh ibu bapa seseorang, saudara angkat;

memungut 1. mengambil atau mengutip sesuatu yg ada di bawah (kerana jatuh dll): *semua barang lama, tempurung, botol, dll hendaklah dipungut, jangan dibiarkan bersepah-sepah;* **2.**

memetik atau mengambil buah (bunga, hasil tanaman, dll): *petani gembira ~ hasil tanaman mereka; kanak-kanak yg rajin ~ bunga;*

3. ki mengambil manfaat (faedah, untung, dll): *kita yg bersusah-*

payah, orang lain yg ~ hasilnya; 4. menarik atau mengutip (bia, cukai, derma, sewa, tol, dll): pertunjukan pentas kerana ~ derma bencana alam; kalau dapat bolehlah diberikan ubat-ubat itu tanpa ~ bayaran; hasil zakat yg dapat dipungut tahun ini sungguh memuaskan; 5. mengutip atau memetik (karangan dll), mengambil atau meminjam kata-kata (drpd bahasa lain): buku ini mengandungi beberapa cerita yg dipungut drpd beberapa hikayat yg terkenal; 6. = memungutkan ark mengambil akan anak, mengambil (laki-laki) utk dijadikan menantu, mengambil orang utk dijadikan pembantu rumah tangga: persatuan utk ~ anak-anak yg terbiar; akan kupungut anak cucunya; 7. = ~ suara mengundi dgn mengambil suara (anggota, rakyat, dll): cadangannya utk ~ suara seluruh ahli dewan diterima oleh ketua;

memunguti memungut (mengambil) berkali-kali;

memungutkan memungut (mengambil) sesuatu utk orang lain;

pungutan sesuatu yg dipungut, pendapatan (perolehan, hasil) memungut: *kata ~; wang ~;*

~ suara a) referendum; b) pilihan raya; *~ zakat* hasil kutipan zakat;

pemungutan perbuatan memungut: *~ hasil (cukai dll); ~ suara;*

pemungut **1.** orang yg memungut: *~ derma; ~ sampah; ~ zakat; 2.* orang yg mengetuai jabatan memungut hasil dll: *~ hasil tanah; ~ hasil setem.*

punitif bkn perbuatan mengenakan (melibatkan) hukuman: *negara kecil sanggup mengambil tindakan penentangan yg ~.*

punjin Mn ark sj tali pinggang yg ada tempat wang, angkin.

Punjabi bangsa yg berasal dr Punjab, India.

punjung **I** para-para tempat menjalarkan tanam-tanaman, rumah kecil (di kebun dll) utk tanaman-tanaman menjalar: *bersenang-senang di dlm ~ taman bunga.*

punjung II; memunjung 1. terkeluar ke muka, menganjur, membusung (ke depan): *dadanya ~ ke depan*; **2.** = **memunjungi** Mn menghormati, memuliakan: *~ arwah nenek moyang*.

punjut sapu tangan dll yg keempat-empat sudutnya diikat menjadi satu (utk membawa sesuatu);
memunjut menyimpulkan (mengikat) keempat-empat sudut sapu tangan dll (menjadikan punjut).

punsu C cerdik, pandai, pintar.

puntal; berpuntal-puntal 1. bergulung-gulung spt dipintal-pintal: *urat yg ~; rambutnya ~*; **2.** beberapa gulung benang (tali dll): *~ benang*;

memuntal 1. menggulung di tangan atau kayu (benang, tali, dll), menggelendong, mengumpar: *~ tali sabut*; **2.** menyingkatkan, memendekkan, meringkaskan (perkara, urusan, dll);

puntalan gulungan (benang, tali, dll).

punti I sj pisang, pisang raja.

punti II; 1. = *ikan* ~ sj ikan laut; **2.** = *ular* ~ sj ular, ular tiung.

puntianak I sj hantu perempuan yg suka menghisap darah orang (terutama orang beranak), langsuir, si ngiang-ngiang.

puntianak II; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar (ara) dani, akar suluh, (re)dani, selimpas, u(r)dani, *Quisqualis indica*.

puntir Jw; **memuntir** memulas, memilin;

terpuntir terpulas.

puntu pontoh.

puntuk Jw bukit kecil, longgok (timbun) tanah.

puntul Jk tidak runcing, tidak tajam (lancap), tumpul.

puntung I 1. lebihan atau kelebihan (rokok, kayu, dll) yg sebahagian besarnya sudah terbakar: *~ rokok; ~ kayu; ~ suluh; berhubung ~ sangat banyak menghisap rokok; spt meninggalkan ~ suluh di*

tangga tidak dihiraukan lagi; **2.** kudung, buntung, kotong: *baju ~; seluar ~; ada banyak orang yg ~ tangannya, ~ kakinya*; **3.** bp merugi: *dasar sial sepuluh kali beruntung, sebelas kali ~*; **4.** penjodoh bilangan utk keratan kayu yg pendek-pendek (kayu api dll): *tolong bawakan beberapa ~ kayu api ke atas rumah; sekerat se~ saja* beberapa orang saja; *~ api* sisa kayu api yg telah terbakar; *~ rokok* rokok yg tinggal pendek sahaja (sesudah dihisap); *~ berasap* prb sesuatu yg mustahil; *~ sekerat penyiar rimba* prb orang seorang banyak anaknya; *dibakar melilit ~* prb orang yg tidak membiarkan godaan nescaya dia membalas; *jangan ~ berasap jua* prb perselisihan yg telah selesai jangan ada ekor-ekornya lagi supaya keadaan tenang kembali; *mengambil ~ pemukul kepala* prb kebaikan dibalas dgn kejahatan; *padam menyala tarik ~* prb barang di mana mati di situlah ditanamkan; *selembap-lembap (selemau) ~ di dapur, ditiup menyala juga* prb sesuatu pekerjaan jika dilakukan dgn sungguh-sungguh lambat-laun berhasil jua; *tarik ~ padamlah bara* prb berbuat sesuka hati kerana tidak ada bahaya lagi;

memuntung menjadi puntung (kotong, kudung);

memuntungkan memotong (mengerat) hingga puntung, mengudungkan;

kepuntungan tinggal puntung, jadi puntung (pendek sahaja lagi): *rokok yg dihisapnya itu sudah ~.*

puntung II; (*ikan*) ~ *damar* sj ikan laut, *Mugil vaigiensis (Sillago spp.)*.

punya 1. = **mempunyai** menaruh, ada, memiliki: *kau masih ~ duit?*; *~ kerja* Jk berhajat (mengadakan perayaan perkahwinan dll); **2.** = **kepunyaan** sesuatu yg dimiliki, hak, milik: *buku ini ~ saya bukan ~ tuan*; **3.** = *yg ~ = tuan ~ yg memiliki, pemilik: tolong kembalikan buku ini kpd tuan ~nya; manusia sejati yg ~ segala*

kemungkinan; ini saya ~ saya pemiliknya (kepunyaan saya); 4. bp milik drpd; dia ~ fasal fasalnya; dia ~ rumah rumahnya; engkau ~ salah salahmu; tuan ~ hal hal tuan; 5. bp sesudah begitu lama (berjalan, berhitung, berfikir, dll), dgn sungguh-sungguh, baik-baik (utk mempersangat): jalan ~ jalan bersualah mereka dgn seorang perempuan; hitung ~ hitung wang itu ternyata kurang juga apabila dihitung-hitung atau apabila dihitung betul-betul; fikir ~ fikir akhirnya diterimanya juga tawaran itu sesudah berfikir-fikir atau sesudah difikirkan sungguh-sungguh; pilih ~ pilih terdapat nyiur ditebuk tupai apabila memilih-milih sangat terdapat yg tidak elok;

sepunya dimiliki (dipunyai) bersama oleh dua pihak atau lebih: *kerjasama ini jelas kelihatan dgn munculnya satu bidang ~;*

berpunya **1.** ada yg punya (empunya), sudah dimiliki, bertuan: *harta tidak ~ harta yg tidak ada pemiliknya; 2.* sudah bersuami (beristeri), sudah bertunang: *gadis itu sudah ~, jangan diganggu lagi; 3.* berada, kaya (orang): *dia suka bergaul dgn orang yg ~ sahaja;*

mempunyai, mengepunyai ark, **mengempunyai** ark memiliki, menaruh: *fantasi sebenarnya suatu pembawaan yg tidak dipunyai oleh tiap-tiap orang; Pak Kaduk dan Lebai Malang memang merupakan manusia yg dungu tetapi ~ daya berfikir;*

mempunyai ark **1.** menjadikan milik; **2.** mempunyai;

kepunyaan sesuatu yg dipunyai (oleh), hak, milik: *kebanyakan tanah ini ~ orang kampung;*

pemunya yg empunya, yg mempunyai, pemilik; **empunya.**

pupa (Bio) serangga pd peringkat perkembangan antara larva dgn dewasa yg biasanya tidak aktif.

pupal sl pinang.

pupil (Bio) bukaan kecil bulat berwarna hitam di tengah-tengah iris mata yg berfungsi mengawal banyaknya cahaya yg masuk ke retina.

pupu; *anak* ~ kemandakan; *saudara dua* ~ saudara semoyang; *cucu* ~ cucu drpd saudara sepupu; ~ *poyang* banyak saudara pupu;

sepupu = *saudara* ~ saudara sedatuk (senenek);

bersepupu mempunyai hubungan sepupu: *mereka berdua* ~;

bersepupukan mempunyai seseorang sbg sepupu: *aku rasa bertuah dapat ~ budak itu*;

berpupu mempunyai (hubungan) pupu; ~-*poyang* mempunyai (hubungan) pupu dan poyang.

pupuh; *ayam* ~ ayam sabungan (tidak bertaji); *berperang* ~ sl latihan berperang (permainan berperang), perang-perangan; *kena* ~ kena pukul;

berpupuh **1.** berlaga, bersabung (ayam): *maka* ~ *dua tiga kali pupuh*; **2.** sedang menyabung (ayam): ~ *ayam*; **3.** = ~ *bertinju* Mn berkelahi pukul-memukul hebat atau kuat;

memupuh **1.** ark memukul; **2.** Mn menyabung (ayam) lama-lama; *dipupuhnya jalan* Mn ia berjalan cepat-cepat (tidak berhenti-henti); *dipupuhnya makan* Mn ia makan banyak-banyak; *dipupuhnya bekerja* Mn ia bekerja sekuat-kuatnya;

memperpupuhkan menjadikan berpupuh, menyabungkan ayam yg tidak bertaji.

pupuk I **1.** benda yg digunakan utk menyuburkan tanah (tanaman-tanaman), baja; **2.** sesuatu yg boleh menyebabkan subur (maju, berkembang, dll): *nasihat itu dirasainya sbg* ~ *bagi cita-citanya yg ingin maju*; *kekalahan Jepun menjadi* ~ *yg memanaskan perkembangan baharu menuju kemerdekaan*;

~ *alam* pupuk asli spt tahi binatang atau daun-daun (bukan yg dibuat oleh manusia), baja asli; ~ *buatan* pupuk yg dibuat secara

kimia, baja buatan, baja tiruan; ~ *hijau* pupuk drpd daun atau tumbuh-tumbuhan, baja hijau; ~ *kandang* pupuk drpd tahi binatang (spt tahi lembu, kerbau, dll), baja kandang; ~ *kuda* pupuk drpd tahi kuda;

memupuk 1. menyuburkan tanah (tanam-tanaman) dgn pupuk, membubuh pupuk (atau baja) pd, membajai: *tanah itu dipupuk dgn baja*; **2.** menggemukkan (badan, binatang, dll): *ayam biri meskipun tidak dipupuk, gemuk juga*; **3.** menjadikan atau menyebabkan subur (maju, berkembang, dll): *karya-karya dan tulisan pengarang boleh ~ semangat dan kemajuan masyarakat; menyemai dan ~ semangat cintakan tanah air*;

pupukan hasil (perbuatan) memupuk: *masyarakat mulai menerima ~ fikiran moden*;

pemupukan perbuatan (cara, usaha, dsb) memupuk: ~ *pengaruh harus banyak mendapat perhatian kita*; ~ *satu kesedaran dan semangat kemalaysiaan*;

pemupuk yg digunakan (dipakai) utk memupuk.

pupuk II = ~ *ubat* ubat yg dibuat drpd tumbuh-tumbuhan (daun-daunan dll) yg ditumbuk atau digiling lumat-lumat dan diletakkan di ubun-ubun dll; *masih berbau ~ jerengau* bp masih muda sangat, masih belum berpengalaman (masih mentah lagi);

memupuk meletakkan pupuk (di ubun-ubun dll).

pupul Ph gulung (tali kail).

pupur I = *tepung* ~ = **pupuran** bedak;

berpupur berbedak: *ada yg ~ sebelah mukanya sambil berlari-lari pergi melihat*;

memupurkan membedaki (muka dll).

pupur II; **memupur** berguling-guling dan berkepak-kepak di tanah dll (ayam, burung);

pupuran; ~ ayam tempat ayam memupur.

pupur III sj tumbuhan (pokok), *Baccaurea sapida*.

pupus I habis semua sekali, hilang lenyap, binasa semuanya, punah:

bekerja di arkib dan mengutip bahan-bahan yg kian ~; sbg seorang yg berjiwa seni tidaklah ~ atau mati seninya dgn kerana hidupnya yg sengsara itu;

ia sudah ~ ia tidak mempunyai kaum keluarga lagi; harta bendanya telah ~ harta bendanya habis semuanya;

memupuskan membinasakan, memunahkan, menghapuskan, menghilangkan sama sekali: *adakah kasih sayang kita yg lama bercambah itu akan kita pupuskan?; apakah ertinya hidup ini bagiku kalau engkau pun telah ~ namaku dr hatimu?; ~ malu menghilangkan malu;*

terpupus sudah terhapus (hilang, lenyap, dll): *perbuatanmu yg derhaka itu merupakan suatu aib yg tidak akan ~ lagi;*

kepupusan hilang lenyapnya, hapusnya sama sekali: *kajian mengenai masalah ~ penyu akan dijalankan oleh kerajaan negeri; memelihara warisan budaya drpd ~;*

pemupusan perihal (perbuatan dsb) memupuskan, pemusnahan, penghapusan: *kadar pemulihan hutan yg tidak seimbang dgn kadar ~;*

pemupus orang yg memupuskan; ~ orang orang yg menolong menghilangkan malu (orang lain), penyelamat.

pupus II Jw pucuk yg masih muda, daun muda: ~ *daun pisang*.

puput I Mn sj alat bunyi-bunyian yg ditiup (diperbuat drpd batang padi, daun kelapa, dll), wisel, semboyan: *menghembus ~; kedengaran ~ kereta api;*

berpuput 1. bertiup, berhembus: *hujan mulai teduh dan angin sejuk pun ~; angin laut ~ sepoi bahasa;* **2.** meniup puput;

memuput meniup (puput), menghembus: *air laut itu berolak-olak kecil apabila dipuput angin;*

puputan **1.** tiupan; ~ *angin*; **2.** hembusan: ~ *bayu* yg menyegarkan; **3.** Br buluh dll utk menghembus angin (menyalakan api).

puput II Jk sepotong besi utk mengumpul dll, linggis.

puput III sj ikan laut, belalak mata, *Pellona spp.*; ~ *banang* = ~ *bandang* sj ikan laut, *Hemirhamphus far*; ~ *melaka* sj ikan laut, *Pellona spp.*

pura I Mn **1.** pundi-pundi yg diperbuat drpd kain (tempat wang), kantung kecil, dompet; **2.** ark tempat memperjualbelikan saham, tempat saudagar-saudagar besar berjual beli, bursa; **3.** ark wang yg disediakan atau dikumpulkan utk sesuatu tujuan, dana: *sekali membuka (mengorak) ~ dua tiga hutang terbayar* prb sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai.

pura II sl bandar, kota, negeri (Singapura, Inderapura, dll).

purah K1 kasar (tidak lumat), berkerutu (tidak licin).

pura-pura tidak sungguh-sungguh, main-main sahaja: *bukan sakit sungguh, melainkan ~ saja;*

berpura-pura berbuat seakan-akan (seolah-olah), melakukan dirinya spt (seseorang dsb yg bukannya dirinya yg sebenar), berlagak: *seorang ahli sihir ~ menjadi seorang perempuan tua yg peramah; ~ tidak tahu; ~ tidak melihat;*

kepura-puraan perbuatan dll yg hanya pura-pura sahaja, kepalsuan: *dia ingin mendedahkan segala ~ yg diamalkan oleh gadis itu.*

puras I → **purah.**

puras II pemuras.

purata nilai yg diperoleh dgn membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dgn bilangan kuantiti tersebut, hitung panjang;

memuratakan mengira secara purata: *jika dipuratakan, hasil bijirin seekar yg diperoleh ialah 20.8 pikul;*

pemurataan proses atau perbuatan menilai (menghasilkan dsb) sesuatu secara purata.

purau ark parau.

purba sl zaman dahulu, dahulu; *masa (zaman) ~ zaman dahulu;*

kepurbaan perihal (keadaan, sifat dsb) purba.

purbakala masa dahulu sekali, zaman kuno, dahulukala;

ahli ~ orang yg mempunyai pengetahuan tentang barang-barang atau hal-hal kuno; ilmu ~ pengetahuan tentang barang-barang atau keadaan zaman kuno;

kepurbakalaan hal (ciri dsb) yg berkaitan dgn purbakala.

purbarasa ark firasat, prarasa.

purbasangka ark prasangka.

purbawan orang yg mengkaji, mengumpul dan menjual barang-barang antik.

purbawara sj drama satu babak yg mengisahkan cerita kuno.

purbawisesa (purbawisésa) Jw ark kekuasaan sepenuh-penuhnya.

purdah 1. ark kain (tirai) utk menutup orang perempuan supaya tidak dapat dilihat; **2.** kain (tirai) yg dipakai di muka perempuan (supaya jangan kelihatan);

berpurdah memakai (atau mempunyai) purdah: *apakah wanita yg bertudung dan ~ sukar bertemu jodoh?*

puri I 1. sl benteng atau kota yg dilingkungi parit: ~ *dgn lubang-lubang tempat menembak;* **2.** istana, keraton: *mengamuk segala dayang dlm ~;* **3.** ruang atau tempat yg lega dlm istana; **4.** (Bali) rumah

pemujaan, kuil: *kemudian nyala api kelihatan membumbung-bumbung dr atas ~.*

puri II perahan yg pekat drpd buah atau sayur yg dimasak dan ditapis;

memurikan memproses atau membuat buah-buahan atau sayur-sayuran menjadi puri: *~ tomato.*

puring I = *ikan* ~ sj ikan laut.

puring II bp kain lapisan baju yg di sebelah dalam.

puris Kd, Pr lidi atau bilah-bilah yg kecil;

~ api bilah (anak-anak) mancis api; ~ nyiur lidi; purus III.

purisme sikap, faham atau aliran yg mempertahankan kemurnian dlm sesuatu perkara, terutamanya bahasa, muzik dan seni.

purit Kl; *masam* ~ sangat masam.

purnama 1. = *bulan* ~ bulan yg bulat benar pd 14 dan 15 hari bulan mengikut bulan Tahun Hijrah: *barang siapa yg ingin melihat keindahan Taj Mahal seindah-indahnya datanglah pd malam 15 ~; di bawah sinar bulan ~; ~ raya* bulan purnama yg sebulat-bulatnya; *cahaya* ~ cahaya bulan yg penuh; *pasang* ~ (air) pasang naik ketika bulan purnama; **2.** bulan (tiga puluh hari): *kadangkadangkang sampai dua ~, kadangkadangkang sampai empat ~ baru ia pulang.*

puru 1. sakit patik, *Framboestia tropica*; ~ *bunga* belang putih-putih pd kulit tanda akan sakit puru (patik); *ibu* ~ puru yg besar; **2.** sj penyakit kulit; jenis-jenisnya: ~ *dedak*, ~ *jahat*, ~ *koci*, ~ *sekam*, ~ *sembilik*, dll;

getikkan ~ *di bibir* prb tidak dapat membenci anak isteri (keluarga) yg buruk kelakuannya; *orang yg ~ gatal tubuhnya nescaya menggaru juga kerjanya* prb sesuatu perbuatan yg jahat itu lambat laun nampak juga oleh orang;

berpuru menghidap sakit puru.

puruh; *rumput ~ batu* sj tumbuhan (rumput), rumput kepala lalat, *Fimbristylis diphylla*.

puruk I Mn; **memurukkan 1.** memasukkan ke dlm lubang dll, membenamkan, memperosokkan: *kakinya itu dipurukkannya ke dlm lumpur*; ~ kapal ke laut menenggelamkan kapal ke laut; **2.** memasukkan (ke dalam, ke bawah), menjejalkan, menyusupkan: *ia ~ badannya di bawah longgokan kain*;

terpuruk 1. terbenam: *matahari ~ di balik pergunungan*; *matanya ~ matanya terbenam*; **2.** terperosok, terperlus: *kakinya ~ ke dlm lubang*.

puruk II; ~-porak sl porak-peranda, terserak-serak.

purun = ~ *danau* sj tumbuhan (rumput), *Lepironia articulata (mucronata)*; ~ *tikus* tumbuhan (rumpai), *Fimbristylis globulosa*; *rumput ~ batu* sj tumbuhan (rumpai), a) rumput serai jantan (janggut kuau, kepala lalat halus, salah pemakai), *Fimbristylis aestivalis*; b) rumput para-para, rumput kepala lalat, *Fimbristylis diphylla*.

purung sj ikan laut, *Lycotrissa crocodilus*.

purus I Jw sj puting pd pangkal tiang rumah dll (yg dimasukkan ke dlm batu sendi).

purus II = **memurus**, **murus** Id sakit buang-buang air; → **urus II**.

purus III Kd lidi (kelapa), bilah-bilah yg halus; **puris**.

purut berbintil-bintil, kasap, kasar (kulit); *limau* ~ sj limau yg kasap kulitnya, *Citrus papeda*.

purwakanti Jw persesuaian bunyi pd beberapa kata, sajak.

pus 1. Id, sr kata utk memanggil kucing; **2.** Kd, sr kata utk menghalau kucing.

pusa ark desakan (dorongan, keinginan), hal, hasrat.

pusaka **1.** segala harta benda yg ditinggalkan oleh orang yg telah meninggal (utk diwarisi oleh keluarganya dll), warisan: *ayahnya baru meninggal dunia dgn meninggalkannya ~ yg agak banyak juga*; **2.** sesuatu yg diwarisi turun-temurun; *adat ~ adat yg turun-temurun; keris (tanah) ~ keris (tanah) yg diwarisi turun-temurun*; **3.** = *harta* ~ Mn harta turun-temurun drpd nenek moyang yg boleh digunakan oleh kaum keluarga sahaja dan tidak boleh dijual dll; ~ *rendah* pusaka yg diperoleh drpd orang perseorangan (barang-barang pemberian dll); ~ *tinggi* harta pusaka yg dimiliki oleh kaum (tanah dll);

berpusaka beroleh (memiliki) pusaka;

memusakai menerima (mewarisi) pusaka drpd: *kepercayaan-kepercayaan ini telah dipusakai oleh orang Melayu drpd nenek moyang mereka; waris-warisnya ~ hartanya*;

memusakakan meninggalkan (memberi) pusaka kpd: *dlm wasiatnya segala hartanya dipusakakan kpd isteri dan anaknya*.

pusal → **kusal**.

pusam tidak bercahaya, kabur, kusam.

pusang ark **1.** = ~ *hati* tidak tenteram hati, rusuh hati, gelisah: *di dlm hati sangatlah ~ melihat pangkalan ditutup pasang*; **2.** = *perut* ~ perut busung.

pusar I = ~ *kepala* = **pusar-pusar** rambut yg merupakan lingkaran (di kepala dll).

pusar II; **berpusar**, **berpusar-pusar** berkisar, berpusing, berputar (kisaran angin, olak air, dll): *fikirannya ~; cerita ini ~ pd soal cinta*;

memusar **1.** memutar, memusingkan, mengisarkan; **2.** menghancurkan (daun sirih dll) yg dihipit antara tapak tangan yg dipusing-pusing;

pusaran 1. sesuatu yg berpusar, barang apa yg berpusar; **2.** gerakan berpusar, kisaran, pusingan, putaran: *kelasi-kelasi berdayung menghindarkan diri dr ~ air kapal yg akan tenggelam;* ~ *angin* kisaran angin; ~ *telefon* putaran telefon;

perpusaran perihal berpusar, perkisaran, perputaran.

pusar III Jw pusat; *titik* ~ titik pusat.

pusara I Mn kubur, perkuburan.

pusara II Jw tali (teraju, pimpinan); *memegang* ~ *negara* memegang pimpinan negara.

pusat 1. lekuk di tengah-tengah perut (bekas tempat usus berhubungan dgn uri ketika baru lahir): *maka dikerat ~nya lalu dibedung dgn kain putih; tali* ~ usus yg menyambungkan perut bayi dgn uri; **2.** = **pusatan** titik yg di tengah-tengah sekali (pd bulatan, lingkaran rajah, dll); *garis(an)* ~ garis(an) yg di tengah-tengah; **3.** kawasan (daerah) yg letaknya di tengah-tengah benar: *Masjid Negara letaknya di ~ Kuala Lumpur;* **4.** punca atau tumpuan berbagai-bagai kegiatan dll, tempat yg menjadi punca segala aktiviti, tempat terdapatnya atau berlakunya pelbagai kegiatan dsb yg utama atau tertentu: *Kuala Lumpur ialah ~ pentadbiran negara; Universiti haruslah menjadi ~ pengajian tinggi dan kegiatan kebudayaan nasional; ~ penjagaan kanak-kanak dan bayi; ~ kesihatan; kantor* ~ Id ibu pejabat; *kerajaan (pemerintah)* ~ kerajaan negeri (daerah), kerajaan nasional; *pemimpin* ~ pemimpin yg terutama (dlm syarikat dll), pemimpin di peringkat kebangsaan; **5.** Id kerajaan atau pemerintah pusat; *kuasa* ~ kuasa kerajaan pusat; ~ *air* bahagian tengah pusingan air yg berupa lekuk; ~ *alam (bumi)* bahagian tengah alam (bumi); ~ *belia* tempat belia berkumpul; ~ *berat* titik tempat tumpuan semua berat (sesuatu benda); ~ *dialisis* tempat para pesakit buah pinggang menjalani

proses pembersihan darah; ~ *jala* pertengahan jala; ~ *jalan* tempat tumpu jalan dr berbagai-bagai hala (dlm bandar); ~ *kesihatan (bidan)* klinik; ~ *latihan* tempat diadakan latihan; ~ *pemerintahan (kerajaan)* tempat yg jadi pokok kedudukan pemerintahan negara; ~ *pengajian (tinggi)* = ~ *ilmu pengetahuan* sekolah (tinggi), institut, dll; ~ *penyelidikan (percubaan)* tempat diadakan penyelidikan; ~ *perhatian (pemerhatian)* objek yg jadi tumpuan perhatian; ~ *perusahaan* tempat yg jadi pokok kedudukan perusahaan; ~ *serenti* tempat pemulihan orang yg bermasalah, terutamanya yg berkaitan dgn penagihan dadah; ~ *tali air* tempat kawalan bekalan air; ~ *tenaga elektrik (listrik)* Id kilang pembangkit elektrik; ~ *jala pumpanan ikan* prb orang yg jadi tempat memulangkan sekalian hal ehwal dlm sesuatu kaum (sesuatu pekerjaan);

sepusat (Mat) sama (satu) titik yg di tengah-tengah (pd bulatan): *bulatan* ~;

berpusat 1. seluruhnya berpunca (drpd), semuanya ditujukan atau dikumpulkan (di, pd), bertumpu (pd): *kebanyakan cerita yg dikemukakannya ~ pd tema yg sangat sederhana dan biasa sahaja; perbualan mereka biasanya ~ pd soal kenaikan harga barang-barang*; **2.** mempunyai pusat (di), berkedudukan (di): *Yamtuan itu di bawah pengaruh Kompeni Belanda yg ~ di Betawi*;

berpusatkan mempunyai pusat di: *berkurangnya pengaruh kehidupan secara feudal yg ~ istana*;

memusat menumpu, mengarah, menuju: *fikirannya lebih memberat dan lebih ~ pd soal lain*;

memusatkan mengarahkan (mengumpulkan, menunjukkan, dll) ke suatu tempat (perkara, titik, dll): *Malaysia ~ ekonominya kpd pengeluaran getah dan bijih timah; apabila menjadi khalifah ia*

meninggalkan perniagaannya dan ~ seluruh tenaganya utk mengembangkan agama Islam; sebahagian drpd kekuatan tentera dipusatkan di sempadan;

terpusat diletakkan di bawah kawalan pusat: *organisasi perniagaan dlm bentuk ~;*

pusatan ark pusat;

pemusatan perbuatan memusatkan: *Sultan Perak menentang ~ yg terlalu ditegaskan di Kuala Lumpur; ~ penduduk ke bandar-bandar besar berlaku sejak lepas Perang Dunia Kedua; ~ angkatan perang di sempadan.*

puser Jw → **pusar** III.

pusing 1. bp berputar; *~ belit akal (perkataan, tipu daya, dll) yg berbelit-belit; cakap ~ berputar balik (perkataannya); 2. = ~ kepala sakit kepala, pening: ia tidak dapat berdiri kerana ~ kepalanya; 3. hilang akal, tidak keruan fikiran, bingung: sampai ~ saya dibuat olehnya; 4. = pusing-pusing bp bersusah payah, sibuk-sibuk, susah-susah: janganlah pusing-pusing sangat tentang soal duit itu boleh saya usahakan; 5. bp turut memikirkan dll, endah, peduli: saya tidak ~, itu bukan urusan saya; (tidak) ambil ~ bp (tidak) ambil peduli, (tidak) mempedulikan; 6. = dadu ~ Id dadu putar, sintir; ~ ganti (Eko) a) jumlah hasil jualan sesuatu perniagaan; b) nisbah jualan dgn purata stok utk sesuatu tempoh yg dinyatakan;*

berpusing 1. berputar (baling-baling, kipas, roda, dll): *enjin sebuah motokar ~ 4½ kali tiap-tiap kali rodanya ~; bumi ~ di paku alamnya; 2. beralih hala, berubah arah: kanak-kanak disuruh menghadap ke arah utara, kemudian disuruh ~ ke arah timur;*

berpusing-pusing 1. berputar-putar, berkisar-kisar, berpusing-pusing: *perahu ~ dihempaskan ombak; ia dipukul pd kepalanya, ~ lalu rebah; 2. bergerak berkeliling: helikopter ~ di udara*

mengakap; berjalan itu bukannya menurut jalan besar, ~ kampung dan sawah padi;

memusing memutar: *~ skru; ~ jarum jam;*

memusingkan **1.** menjadikan berpusing, memutar: *apabila roda kanan dipusingkan, roda kiri pun berpusing juga; ~ undang-undang memutarbalikkan maksud undang-undang; ~ wang (modal) mengedarkan wang utk berniaga, memperniagakan; 2.* = *~ kepala menyebabkan pusing (kepala), memeningkan kepala: semua pertanyaan itu tidak berjawab dan ini ~ kepalanya; ada beberapa hal yg ~ saya masa ini; 3.* menghilangkan akal, membingungkan, menyukarkan, menyusahkan: *cara menghafal satu-satu spt pengajaran makna peribahasa dan maksud-maksud huruf penambahan sangat ~; 4.* bersusah-susah memikirkan, turut memikirkan, mengendahkan, menghiraukan, mempedulikan: *segala pesanan orang tuanya tidak dipusingkan; 5.* mengalihkan hala, mengubah arah: *~ mukanya ke arah lain; ia terpaksa ~ badannya apabila hendak memandang ke arah lain;*

terpusing-pusing bergerak (hanyut, jatuh, terbang, dll) tidak tentu hala: *beberapa hari mereka ~ jauh di tengah laut;*

pusingan **1.** gerakan berpusing, edaran, kisaran, kitaran, putaran; *piala ~ piala yg menjadi rebutan kejohanan (tiap-tiap tahun dll); ~ wang (Eko) gerakan berpusing wang dlm masyarakat; 2.* (Geog) gerakan berpusing pd satu titik pusat: *kelajuan ini sama dgn kederasan ~ bumi di atas paku alamnya; 3.* bahagian permainan (pertandingan dll) yg tertentu waktunya, babak;

perpusingan **1.** perkisaran, perkitaran, perputaran; **2.** perihal berpusing-pusing (perkara dll);

pemusingan perbuatan memusingkan, pemutaran;

- pemusing 1.** Id alat atau mesin yg menggunakan tenaga pusingan;
2. sesuatu yg digunakan utk memusing, alat pemutar (obeng dll);
3. ark orang yg bersifat putar belit.

puspa I sl bunga; ~ *hati* ki kekasih, buah hati; *taman* ~ (*sari*) taman bunga, jambangan.

puspa II Br mahkota;

berpuspa bermahkota; *selamat* ~ selamat bermahkota;

perpuspaan permahkotaan, pertabalan.

Puspakom akronim bagi Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer.

Puspanita akronim bagi Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia.

- pusparagam 1.** sl aneka warna, berbagai-bagai warna, berwarna-warni;
2. himpunan berbagai-bagai lagu (muzik).

puspas IB bercampur tidak tentu, campur aduk.

PUSPATI akronim bagi Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail.

puspawarna 1. sl warna bunga; **2.** sl berwarna-warna, berbagai-bagai, bermacam-macam.

puspita sl bunga; ~ *hati* kekasih hati.

pusta sj perahu (kapal) zaman dahulu.

pustaka 1. sl kitab, buku; **2.** kitab ramalan, perimbon; *taman* ~ = *balai* ~ a) tempat simpanan (persediaan) buku-buku utk digunakan; b) = **perpustakaan** kumpulan buku (bacaan dll); **3.** (Komp) kumpulan atur cara, rutin, atau subrutin yg disimpan secara tersusun dlm storan utk kegunaan pengguna atau atur cara lain;

perpustakaan 1. kumpulan buku (bacaan dll); **2.** bangunan (bilik dll) yg mengumpulkan buku-buku (utk bacaan dll); **3.** = **kepustakaan** kesusasteraan, buku-buku kesusasteraan;

~ *awam* perpustakaan yg perkhidmatannya terbuka kpd masyarakat umum (orang ramai); ~ *bergerak* perpustakaan yg

dibawa kpd masyarakat (dr satu tempat ke tempat lain dgn menggunakan kenderaan);

kepustakaan **1.** kesusasteraan, buku-buku kesusasteraan; **2.** senarai buku yg dipakai utk mengarang dll, bibliografi; **3.** semua buku (terbitan, hasil karya, dsb) tentang sesuatu bidang ilmu pengetahuan dsb.

pustakawan orang yg mempunyai pengetahuan yg dalam tentang perpustakaan dan terlibat dlm pengurusan perpustakaan, ahli perpustakaan;

kepustakawanan hal (ciri, sifat, fungsi dsb) yg berkaitan dgn pustakawan.

pustul (Ubat) jerawat yg mengandungi nanah.

pusu I ark busut, longgok, timbunan; **pongsu I.**

pusu II kelompok;

berpusu, berpusu-pusu berkelompok-kelompok, berduyun-duyun: *orang ~ berdiri di kaki lima; askar Jepun berpusu-pusu menaiki kereta api.*

pusu III Mn = **berpusu, berpusu-pusu** kusut atau berterbangan ke sana sini (asap, kekabu, rambut, dll): *ia menyapu-nyapu rambut anaknya yg ~ kerana angin; asap rokok mula berpusu-pusu dr mulutnya; fikiran yg berpusu-pusu* fikiran yg kusut; *lari berpusu-pusu* lari ke mana-mana tidak tentu hala.

pusing Mn bodoh, pandir, tolol.

pusut Jk pencucuk, penggerek, penusuk (jarum dll);

memusut mencucuk, menggerek, menusuk.

putar gerakan berpusing (bertukar arah); ~ *alam* cenderung melakukan tipu daya atau tipu muslihat; ~ *negeri* perebutan kekuasaan pemerintah, revolusi;

seputar Jk sekeliling, sekitar, sepanjang: ~ *kampung*; ~ *malam*; *kejadian* ~;

berputar **1.** berpusing, berkisar, berkitar, berpusar: *anak kunci* ~; *ceritanya* ~ *pd soal cinta*; *roda* ~ *dgn kelajuan 3 radian tiap-tiap saat*; **2.** berganti arah, berbelok, berkelok: *ia* ~ *ke jurusan lain*; **3.** beredar (bergerak, berjalan) berkeliling: ~ *dr pejabat ke padang tenis*; *wang baru Malaysia sudah* ~; *kapal terbang itu dua kali* ~ *di atas kota*;

~ *fikiran* berubah *fikiran*; ~ *haluan* berganti *haluan*; ~ *kecek (cakap)* beralih (berubah) *percakapan*; ~ *lidah* berbelit-belit *perkataannya*, *mengingkari janji*, *berbohong*;

berputar-putar **1.** berpusing-pusing, berkisar-kisar, berpusar-pusar: *baiklah jangan* ~ *pd keterangan ini sahaja*; *sebuah kereta radio polis dgn lampu birunya* ~; **2.** = **berputar** bergerak (berjalan, terbang, dll) berkeliling: *mereka datang kerana melihat gadis-gadis cantik yg* ~ *di pasar itu*; **3.** tidak langsung menuju (tempat dll yg dimaksudkan, tujuan yg sebenarnya), berbelok-belok (berjalan, bercakap, dll);

memutar **1.** menjadikan berputar, memusing(kan): ~ *dadu*; ~ *skru*; **2.** mengubah arah dll, membelokkan, mengelokkan: *meriam itu diputar ke arah kapal perang yg sedang belayar*; *kesedaran ini akan* ~ *haluan hidupnya kpd yg lebih sempurna*; **3.** membelit-belitkan (perkataan dll), membolak-balikkan (kebenaran dll): *kebenaran tidak dapat diputar-putar*; *ia seorang yg pandai* ~ *perkataan*; **4.** memindahkan (tanaman dll): *apabila ia berumur beberapa bulan pohon itu hendaklah diputar ke tempat lain*; **5.** mencampur, mengaduk, mengarau;

~ *enjin* menghidupkan *enjin*; ~ *filem* mempertunjukkan *filem*; ~ *lidah* membelit-belitkan *perkataan*, *mengingkari (mengubah) janji*;

~ *otak* memikirkan dgn sungguh-sungguh (atau dgn susah payah);
~ *percakapan (cakap kecek, perbualan)* mengubah tajuk atau pokok perbualan, memindahkan atau membelokkan percakapan kpd perkara lain; ~ *wang (modal)* menjalankan wang utk berniaga;
memutarkan 1. menggerakkan supaya berputar, memusingkan: ~ *jarum jam ke belakang*; **2.** memutar utk orang lain;
memperputarkan 1. memperedarkan (wang, barang dagangan, dll); **2.** mengeluarkan dan menjalankan wang dlm perniagaan dll;
terputar 1. memutar atau diputar dgn tidak sengaja; **2.** dapat atau berupaya memutar: *dia tidak ~ skru itu kerana terlalu ketat*;
putaran 1. gerakan berputar, kisanan, kitaran, pusingan; *beberapa* ~ beberapa kali berputar; **2.** sesuatu yg diputar (tombol pd radio dll, roda pd mesin jahit, dll), sesuatu yg dipindahkan (dialihkan dll); ~ *air* kisanan air; ~ *angin* a) kisanan angin; b) pergantian angin;
~ *flem* pertunjukan filem (gambar); ~ *masa* pusingan atau perubahan masa; ~ *nasib* perubahan (baik atau buruknya) nasib;
perputaran 1. perihal berputar-putar, perkisanan: ~ *semua baling-baling itu sama cepatnya*; **2.** peralihan (perubahan, pergantian) masa atau keadaan dll: *bersiap sedia utk menghadapi sendiri ~ sejarah pd masa akan datang*; **3.** pergerakan (wang, peristiwa, kehidupan, dll) yg merupakan lingkaran, proses perdagangan (wang dijadikan bahan dan diproses dan kemudian menjadi wang lagi);
pemutaran perbuatan memutar(kan): *minyak melicinkan ~ sebuah roda*;
pemutar 1. alat utk memutar: ~ *pancur air*; ~ *piring*; ~ *skru*; **2.** orang yg memutar; ~ *semangat* ki sesuatu (nasihat dll) yg memulihkan atau mendatangkan semangat.

putar balik **1.** berbelit-belit (perkataan dll), bolak-balik; **2.** mantera utk memanggil pulang orang yg berpergian;

memutarbalikkan **1.** memutarbelitkan; **2.** membalikkan, memusing balik (semula), mengubah (arah, kedudukan, dll): *bagaimanapun diputarbalikkan, pilihan kata adalah syarat syair yg mengenai bentuk lahir.*

putar belit akal (tipu muslihat, tipu daya, dll) yg berbelit-belit: *berita itu mengandung segala macam ~;*

berputar belit berlaku tidak jujur, berubah-ubah janjinya dll;

memutarbelitkan mengubah-ubah janji (kebenaran, perkataan, dsb) dgn tujuan utk menipu dsb: *kita tidak harus ~ fakta-fakta sejarah.*

putarwali sj tumbuhan (pokok memanjat), akar seruntun, batang wali, gasing-gasing, *Tinospora tuberculata*; *sungguhpun ~ itu raja segala penawar tetapi pd kebanyakan selera ialah hamba segala makanan* prb *sungguhpun segala pengajaran yg baik itu berguna tetapi kebanyakan orang tidak hendak menerimanya.*

putat sj tumbuhan; jenis-jenisnya: ~ *air* sj tumbuhan (pokok), *Barringtonia conoidea*; ~ *darat* = ~ *bukit* = ~ *gajah* = ~ *rimba* sj tumbuhan (pokok renek), *Barringtonia sumatrana*; ~ *gajah* = ~ *hutan* = ~ *tuba* sj tumbuhan (pokok), *Barringtonia scortechini*; ~ *hutan* = ~ *bukit putih* = ~ *darah* = ~ *gajah* = ~ *talang* sj tumbuhan (pokok kecil), *Barringtonia macrostachya*; ~ *kampung* = ~ *darat* = ~ *kedul* = ~ *padi* sj tumbuhan (pokok kecil), *Barringtonia racemosa*; ~ *laut* = ~ *air* = ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok), peratun, *Barringtonia asiatica*; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok kecil), *Barringtonia fusiformis*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar mentadu, akar telur bujuk, dagan, dagum, serapat akar, telinak, *Gnetum tenuifolium*.

putera 1. anak raja yg laki-laki; ~ *mahkota* anak raja bakal pengganti ayahnya (bakal raja); **2.** anak atau anak laki-laki (utk menghormati); ~ *Malaysia*; ~ *bumi bumiputera*;

berputera 1. mempunyai putera, beranak: *adalah ia ~ dua orang*; **2.** melahirkan anak (laki-laki), bersalin: *permaisuri pun ~lah seorang laki-laki*;

berputerakan sl mempunyai sbg putera (anak), beranakan: *adapun baginda itu ~ Sultan Mahmud*;

diputerakan dilahirkan (anak): *baginda ~ di Istana Anak Bukit pd 28 November 1927*;

keputeraan 1. darjat sbg putera raja: *dia menjaga ~ raja Thai*; **2.** kelahiran; *hari ~ hari kelahiran*; *ulang tahun ~ ulang tahun kelahiran*.

puteranda anakanda, putera.

puteri I 1. sl anak raja yg perempuan; *tuan ~ anak perempuan raja*, permaisuri raja; **2.** anak perempuan (utk menghormati), (kaum) wanita: *pandu ~*; ~ *sejati*; ~ *malam* ark ki bulan.

keputerian hal (sifat, darjat dsb) yg berkaitan dgn puteri.

puteri II; ~ *malu* sj tumbuhan (pokok renek), kewan, *Mimosa pudica*; *bunga ~* sj tumbuhan (anggerik), bunga bidadari, ekor gajah, *Grammatophyllum speciosum*; *daun ~* sj tumbuhan (pokok renek), adap-adap, balik adap, serogah, *Musaenda glabra*.

puteri III; ~ *mandi* Kl sj kuih.

puti Mn ark gelaran bagi wanita keturunan raja-raja, puteri.

putih I 1. warna yg paling cerah (spt warna kapas), lwn hitam: *bahagian atasnya berwarna hitam dan bahagian bawahnya berwarna ~*; *orang ~ = bangsa kulit ~ bangsa Eropah*; **2.** ki bersih, murni, suci; ~ *bersih* putih lagi bersih, putih sekali; ~ *gading* warna putih kekuning-kuningan (spt warna gading); ~ *hati a)* lurus hati, jujur;

b) baik hati (suka menolong dll); ~ *krim* warna putih bercampur kuning (bkn kain, cat dsb); ~ *kuning* a) kuning langsung (warna kulit yg elok); b) kekasih; ~ *langsat* putih kuning; ~ *lesi* putih pucat (putih sekali); ~ *lueh (sueh)* Kl putih lesi; ~ *melepak* putih sekali, putih benar; ~ *metah* putih sekali; ~ *pucat* putih lesi; *(ber)putih mata* a) mendapat malu; b) kurang senang atau sakit hati (melihat perbuatan yg tidak senonoh, menunggu lama-lama dll); c) terlepas (peluang dll); ~ *sepor* Kl putih sekali; ~ *telur* a) bahagian drpd isi telur yg putih warnanya; b) albumin (zat yg sebatian kimianya spt putih telur); *(sampai) ~ tulang (sampai) mati*; ~ *umbut* putih dan lembut;

~ *dikejar, hitam tak dapat = lepas ~, hitam tak dapat* prb baik-baik dlm kesenangan dan pekerjaan yg berfaedah, tiba-tiba dilepaskan dgn sia-sia; ~ *di luar kuning di dalam* prb perihal orang yg kelihatan baik pd lahirnya tetapi jahat di dlm hatinya; ~ *kapas boleh dilihat, ~ hati berkeadaan* prb putih atau lurus hati seseorang itu dapat dilihat pd keadaannya (tingkah lakunya); *belum tentu hitam putihnya* prb belum tentu keputusan sesuatu perkara; *(ber)putih tulang, jangan (ber)putih mata = lebih baik (ber)putih tulang drpd (ber)putih mata* lebih baik mati drpd menanggung malu; *suruh ~ hitam datang* prb kemuliaan yg dikejar kehinaan yg diperoleh;

berputih; ~ *mata* prb berhiba hati menanggung rindu (spt seorang muda melihat tunangnya diambil orang);

memutih 1. menjadi putih, nampak putih-putih: ~ *spt kapas; rambut mulai ~*; 2. kelihatan banyak sekali (orang berkumpul dll): ~ *kelihatan orang berhimpun di padang itu*;

memutihi menyebabkan berwarna putih pd (oleh sesuatu): *kepalanya yg diputihi uban itu diusap-usap*;

memutihkan **1.** memberi warna putih, mengecat putih, mengapuri: ~ *kain dgn bahan kimia*; **2.** menjemur (kain dll) sesudah disabun atau direndam dlm air sabun, mengelantang (kain dll): ~ *kain seperah*;

menghitamkan dan ~ ki menentukan, membuat keputusan; ~ *mata* ki a) memalukan; b) menyakiti hati;

keputihan **1.** keadaan atau hal putih; **2.** sj penyakit orang perempuan (selalu keluar lendir putih);

keputih-putihan agak putih, kelihatan putih;

pemutihan **1.** perihal (proses atau perbuatan) menjadikan berwarna putih atau cerah: *ramuan agen pemutih mempercepat proses ~ kulit*; **2.** gerakan (program atau proses) yg dijalankan oleh pihak berkuasa (kerajaan) utk mendaftarkan semua pendatang tanpa izin: *sejumlah 900,000 pendatang tanpa izin telah didaftarkan semasa program ~ itu*.

putih II Pr nama timang-timangan utk anak lelaki dan perempuan yg keenam atau ketujuh, teh.

putih III sj ikan darat, tebal sisik, *Puntius binotatus*.

putih IV; *kayu* ~ a) sj tumbuhan (pokok), gelam, *Melaleuca leucadendron*; b) sj tumbuhan (pokok renek), naga buana (jumat), kelarut tanjung semelit patung, ubat kelumut, *Phyllanthus pulchar*.

putik buah yg baru jadi (bakal buah), buah yg masih muda dan kecil; ~ *mempelam* buah mempelam yg baru jadi;

berputik **1.** mulai mempunyai putik, mulai berbuah: *rambutan kami sudah mulai ~*; **2.** ki menampakkan tanda-tanda akan berjaya (usaha dll).

puting I **1.** hujung yg runcing pd pangkal parang (pisau dll) yg dimasukkan ke dlm hulu; **2.** ki kelentit; **3.** sisa kayu (rokok dll) yg pendek-pendek, puntung: *memungut ~ rokok di atas jalan*; **4.** = ~

tetek (susu) bahagian hujung tetek; **5.** susu palsu (diperbuat drpd getah dll): *anak itu diajar menghisap ~ kosong;*

~ beliung a) pangkal beliung; b) = *angin ~ beliung* angin puyu; *~ cepu-cepu* hujung tiang (perahu dll); *~ damar* tangkai suluh yg dibuat drpd damar; *~ kayu* bp puntung kayu, sisa kayu (yg pendek-pendek); *~ rokok* bp sisa rokok; *~ tunam* sl tali api-api utk memasang meriam, murang;

berputing 1. ada putingnya: *beliung ialah sejenis mata pisau yg tajam lagi ~;* **2.** bp jadi puting, tinggal puting, tinggal pendek saja lagi: *rokoknya dah ~.*

puting II; *~ beliung* sj ikan darat, susah batu, *Homaloptera spp.;* *~ damar* sj ikan laut, *Sillago sihama.*

putu 1. = *~ kacang* sj penganan yg dibuat drpd kacang hijau yg ditumbuk dgn gula; **2.** = *kuih* ~ sj penganan yg dibuat drpd tepung beras dll; jenis-jenisnya: *~ buluh, ~ mayang, ~ piring.*

putung Kl; *~ kalung* kayu utk memunggal.

putus 1. tidak bersambung lagi, bercerai kerana terpotong dll (tali dll): *anjing itu pun merentak rantai itu lalu ~;* **2.** ki tidak berhubungan lagi, terpisah, terpotong (tali persahabatan, perhubungan lalu lintas, dll): *~lah sudah tali persahabatan antara mereka; perhubungan kereta api di antara Kuala Lumpur dan Pulau Pinang ~ buat beberapa hari;* **3.** berakhir, habis, selesai: *kampung yg tidak pernah ~ makanan; perundingan sudah ~ sudah ada penyelesaian, mendapat kepastian (ketentuan, persetujuan, dll); sampai sekarang pun perkara itu belum ~; fikirannya hendak merantau itu benar-benar ~; kata ~ kepastian, keputusan, ketentuan;*

~ akal habis akal, tidak tahu apa yg harus dibuat (tidak ada ikhtiar lagi, bingung); *~ arang* putus sama sekali hingga tidak dapat

diperbaiki lagi (persahabatan dll); ~ *bicara* a) = ~ *ikhtiar* sudah habis ikhtiar, hilang akal; b) = ~ *kata* sudah selesai (pembicaraan, perkara, dll); c) = ~ *kata* sudah mendapat kata sepakat; ~ *haid* terhentinya kitaran haid seseorang wanita buat selama-lamanya, biasanya pd sekitar umur 50 tahun, menopaus; ~ *harap* (*harapan*) tidak mempunyai harapan lagi; ~ *harga* a) harga mati, harga tetap; b) sudah sesuai mengenai harganya; ~ *limau* = ~ *ubat* upacara menamatkan ubat sebab telah sembuh (dgn berkenduri atau mandi air buyung); ~ *loteri* Id menang loteri; ~ *muafakat* (*pakat*) sudah mendapat kata sepakat; ~ *nafas* a) tidak dapat bernafas; b) mati; ~ *niat* a) sudah tetap hati; b) sudah tercapai maksudnya; ~ *nyawa* (*jiwa*) mati; ~ *rezeki* kehilangan mata pencarian; ~ *saudara* tidak lagi mengaku bersaudara; ~ *suap* kehabisan nasi tambah ketika sedang makan; ~ *umur* mati;

~ *benang boleh dihubung*, ~ *arang bercerai lalu* prb bercerai atau mati isteri boleh diganti, bercerai atau mati seorang kaum keluarga tidak dapat diganti; ~ *kata dimulanya*, (~ *gayung di belebas*) prb sesuatu hal diputuskan dgn menilik asalnya;

~ *tali tempat bergantung, terban tanah tempat berpijak* prb kehilangan orang tempat menumpang hidup (putus pengharapan oleh sebab sesuatu kemalangan); ~ *timba tinggal tali*, ~ *tali tinggal timba* prb perihal seseorang yg kematian suaminya (bercerai dgn taulan yg diharap);

putus-putus 1. kerap kali putus, selalu putus; 2. = **berputus-putus, berputusan, terputus-putus** berkerat-kerat, tidak terus berturut-turut, sekejap-kejap berhenti: *berbicara dlm bahasa Inggeris dgn terputus-putus*; *suara* ~ suara yg terhenti-henti; *diparangnya tombak-tombak itu habis* ~; *tidak* ~(nya) tidak

berhenti-henti, sentiasa (sahaja); *belum* ~ belum berhenti-henti, (masih) terus-menerus, belum tentu (pasti) lagi;

berputusan berkali-kali putus, selalu putus, putus-putus: *habis* ~ *batang pinang*; *tiada* ~ tiada putus-putus (habis-habis);

memutus; ~ *jalan* a) menghalangi (merosakkan dll) jalan; b) memotong (memintas) jalan; ~ *perkataan orang* menyela (memenggal) perkataan orang;

memutusi ark = **memutuskan** menentukan;

memutuskan **1.** menjadikan putus, mengeratkan: *aneh sekali perkara yg sekecil itu rupanya yg ~ perhubungan persaudaraan antara dua beradik itu; perhatikan gerakan jarum kompas apabila arus itu dijalankan atau diputuskan*; **2.** menyelesaikan (sesuatu yg sedang berjalan), menangguhkan, membatalkan, memansuhkan (perjanjian dll): *fikiran orang itu diputuskan oleh bang sembahyang Isyak; mereka bersetuju tidak akan ~ perjanjian tanpa berunding lebih dulu; tiba-tiba dia ~ ceritanya yg baru hendak dimulai*; **3.** mengambil ketetapan, menentukan, menetapkan: *kuasa tertinggi sekali bagi membuat undang-undang dan ~ dasar-dasar pemerintahan negara ialah parlimen; kalau tidak jua dapat diputuskan barulah dibawa kpd orang tua-tua atau guru*; **4.** menjatuhkan hukuman, menghukum: *sesiapa pun tidak boleh membuat komen tentang kes yg masih belum diputuskan oleh mahkamah*;

~ *cakap* menyela cakap orang; ~ *fikiran (hati, niat)* menetapkan fikiran (hati, niat); ~ *nyawa (umur)* a) membunuh, mematikan; b) mati;

terputus terhenti, terpenggal: *sayang ceritanya ~ di tengah-tengah; setiap orang yg mati akan ~ segala amalannya*;

putusan 1. barang apa yg sudah putus: ~ tali; **2. = keputusan:** *aku buat ~, aku tinggalkan masyarakatku;*

keputusan 1. kesudahan, akhir, penghabisan: *sampai mana ~ sungai ini?* **2.** putusan, ketentuan, ketetapan: *ia mengambil ~ meninggalkan rumah itu; semua ~ parlimen diambil dgn suara yg lebih drpd separuh;* **3. = putusan** kesudahan pendapat, ikhtisar, kesimpulan: *drpd kejadian yg berlaku baru-baru ini dapat diambil ~ bahawa masih banyak lagi usaha yg mesti dijalankan;* **4. = putusan** pertimbangan atau ketentuan (yg dijatuhkan oleh hakim): *mengikut ~ mahkamah ia berhak tinggal di atas tanah itu dan mengambil faedah daripadanya;* **5. = putusan** kesudahan (pemeriksaan dll), hasil: *~ pilihan raya itu sungguh mengejutkan; ~ peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia akan dapat diketahui pd bulan Mac;* **6.** mengalami kekurangan atau tidak ada (makanan, wang, dll), kehabisan: *jentera yg kehilangan tenaga disebabkan ~ minyak; ia minta dijualkan cincinnya kerana ~ belanja; ~ asa* perihal menderitanya putus asa; *~ benar* sangat kekurangan (wang dll);

berkeputusan mempunyai keputusan (kesudahan dsb); *tidak ~* tidak berkesudahan, tidak putus-putusnya, tidak berakhir;

perputusan perihal berputus, perceraian, perpisahan;

pemutusan perbuatan memutuskan(kan);

pemutus 1. alat atau orang yg memutuskan(kan); **2.** yg memutuskan, penentu: *kata ~; kuasa ~; undi (suara) ~ .*

putus asa habis atau hilang harapan, tidak ada harapan lagi;

berputus asa putus asa;

keputusasaan perihal putus asa.

putut sl peputut.

puyan I Jk benda yg kotor (daki dll), kotoran;

berpuyan kotor, berdaki: *motokarnya ~ dan berdebu*.

puyan II K1 musim (buah-buahan dll).

puyeng Jk pening.

puyer bp serbuk, bubuk (ubat).

puyu I; *angin ~* angin yg berkisar (berpusing-pusing), angin puting beliung.

puyu II = *ikan ~* = **puyu-puyu**, **pepuyu** sj ikan darat, *Anabas terstudineus*; *~ laut* sj ikan laut, *Scolopsis vosmeri*; *bagai ~ di air jernih* prb perihal orang yg senang kehidupannya.

puyu III Mn; **memuyu-muyu** menggosok-gosok atau menyapu-nyapu (mata).

puyuh I sj burung kecil yg tidak berekor, *Tatnix suscitator atrogularis*; *bagai ~ laga* prb percakapan yg tidak habis-habis; *mati ~ hendakkan ekor* prb menghendaki sesuatu yg mustahil didapati; *sembunyi-sembunyi ~*, *kepala tersorok ekor kelihatan* prb perihal orang yg berbuat sesuatu yg tidak patut dan menyangka tidak diketahui orang perbuatannya padahal semua orang mengetahui; *spt ~ mahu yg betina drpd yg jantan* prb perihal isteri yg berusaha keras mencari penghidupan sedangkan suaminya bersenang-senang sahaja (tidak mahu bekerja).

puyuh II; *bintang ~* bintang tujuh; *~ berlaga* sj bintang dua (kembar).

puyuh III → **puyu I**.

PVC kep *polyvinyl chloride* (sj bahan plastik yg digunakan utk membuat barang-barang spt kasut, pembalut sofa, pakaian dsb).

PWTC kep *Putra World Trade Centre* (Pusat Dagangan Dunia Putra).

q huruf ke-17 abjad Rumi.

qada I; ~ *hajat (besar)* buang air (besar).

qada II Ar menggantikan (mencukupkan, membayar) fardu yg ketinggalan;

~ *puasa* berpuasa utk mencukupkan (membayar) puasa yg tertinggal;

~ *sembahyang* bersembahyang utk mengganti (membayar) sembahyang yg tertinggal;

mengqada melakukan qada: *kalau sakit dibolehkan tidak berpuasa, tetapi mesti ~nya pd hari yg lain.*

qadak Ar hukum atau takdir Allah: ~ *dan qadar.*

qadar Ar keputusan (ketentuan) Tuhan, takdir, untung: *orang Islam mesti percaya akan ~ baik dan jahat.*

qadim I Ar tiada permulaan dan tiada pengakhirannya: *Tuhan yg ~;*

keqadiman keadaan atau perihal qadim: ~ *alam.*

qadim II Ar masa yg akan datang, kemudian hari;

mengqadimkan menelah, meramalkan.

qaf 1. huruf ke-21 abjad Arab (mempunyai nilai 100); **2.** huruf ke-24 abjad Jawi.

qalqalah Ar bunyi akhir huruf (qaf, ta (tO), ba, jim, dal) dgn nyata dan melantun ketika wakaf.

qanaah Ar sikap berpada-pada, iaitu berpuas hati dgn apa yg ada.

qari Ar pembaca Quran (lelaki).

qariah Ar pembaca Quran (wanita).

qasar Ar kelonggaran yg dibenarkan bagi musafir utk memendekkan solat fardu yg empat rakaat kpd dua rakaat (dgn syarat yg dibolehkan): *sembahyang ~;*

mengqasarkan memendekkan solat fardu empat rakaat kpd dua rakaat dgn syarat yg dibolehkan.

qasidah Ar sj syair Arab yg dilagukan;

berqasidah menyanyikan qasidah.

qiamullail Ar berjaga pd waktu malam utk beribadat (spt bersembahyang sunat, berzikir, berdoa).

qidam Ar tiada permulaan dan tiada pengakhirannya (bkn sifat Allah).

qiraah, qiraat Ar bacaan: *al-Quran disempurnakan dgn ~ yg berlainan.*

qiran Ar = *haji* ~ ibadah haji dan umrah yg dikerjakan serentak dlm bulan haji, dan dikenakan dam.

qisas Ar = *hukum* ~ hukuman bunuh (sbg pembalasan).

qunut Ar = *doa* ~ doa supaya dijauhkan sesuatu bala atau memohon sesuatu pertolongan drpd Allah yg dibaca pd waktu tertentu (pd rakaat kedua sembahyang subuh, bermula pd malam ke-15 bertarawih pd bulan Ramadan, dll).

Quraisy Ar suku bangsa Arab.

Quran Ar = *al-~* kitab suci yg diturunkan oleh Allah kpd Nabi Muhammad SAW utk menjadi panduan hidup manusia (utk dunia dan akhirat): *membaca dan menghafaz ~; ~ buruk* ki sesuatu yg tidak boleh diharapkan atau tidak berguna lagi tetapi masih dihormati kerana sebab-sebab tertentu.

r I huruf yg ke-18 abjad Rumi.

R II Id kep Raden.

ra kep radiallahuanhu: *Sayidina Umar al-Khatab* ~.

ra (rO) **1.** huruf ke-10 abjad Arab (mempunyai nilai 200); **2.** huruf ke-11 abjad Jawi.

Ra simbol kimia bagi radium.

Rab Ar yg empunya segala sesuatu (Allah).

RAB kep Republik Arab Bersatu.

raba I tekaan, agakan, dugaan, taksiran; *salah* ~ salah dugaan;

meraba, meraba-raba 1. menyentuh (memegang-megang, menjamah) kerana hendak merasai atau mencari sesuatu (dgn tidak melihat): *serangga menggunakan sesungguhnya utk ~ jalan; tuan Sutan meraba-raba mukanya kalau sungguh-sungguh ada lumpur terpalit; 2.* mencari sesuatu pd tubuh orang (dlm saku dll), memeriksa orang utk mencari sesuatu: *susahlah sedikit memeriksa perempuan yg lalu, takkan nak diraba seluruh tubuhnya; Amir ~ saku seluarnya dan mengeluarkan rokok; 3.* meneka, mengagak (yg tidak terang), mencuba-cuba mendapatkan sesuatu: *ia mencuba meraba-raba maksud kata-kata ibu tirinya; ia mencari-cari jawabannya sendiri, meraba-raba sendiri;*

merabai meraba berkali-kali atau merata-rata: *dia membiarkan dirinya dicitiumi dan dirabai;*

teraba-raba 1. meraba-raba (memegang-megang); **2.** tercari-cari (sesuatu yg terselindung dsb): *sebelum mengucapkannya, mereka tentunya akan ~ utk mencari rumus pemakaiannya;*

rabaan 1. sentuhan utk meraba(-raba); **2.** agakan, dugaan, taksiran, tekaan;

peraba; *alat* ~ pancaindera utk merasa (dgn kulit), perasaan kulit, perasa.

raba II Mn; **meraba** marah;

peraba pamarah.

raba III; ~-*rabu* tergesa-gesa (ke sana ke mari).

raba IV Kd, bp getah pemadam.

rabab ark → **rebab**.

rabah I sj burung yg biasa terdapat di hutan kecil, *Criniger tephrogenys*.

rabah II Br rebah, tumbang.

rabak koyak panjang atau besar, cabik-cabik; *koyak* ~ = *rabik* ~ banyak koyaknya;

merabak mengoyakkan, mencabik-cabikkan: *oleh terlalu panas hatinya, maka dirabaknya baju orang itu.*

raban; *bahasa* ~ ark bahasa (cakap) yg tidak tentu (tidak keruan), bahasa yg bercampur aduk;

meraban 1. mengigau, merepek; **2.** berkelakuan (berperangai) tak tentu arah: *ia pun berjalanlah ~ dgn tiada tentu arah tujuannya; jangan engkau ~ dlm kampung ini, nanti kepala engkau diketuk orang.*

raba-raba; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok kecil), rawa, *Mangifera macrophylla*.

rabas Mn **1.** air yg menitik dr daun sesudah hujan; *hari* ~ hari gerimis; *hujan* ~-~ hujan rintik-rintik, gerimis; **2.** bertitikan (air, air mata, dll), berjatuhan, berguguran, berluruhan (buah-buahan dll).

rabat IB potongan drpd jumlah bayaran yg mesti dibuat, potongan kemudian.

Rabbana Ar Tuhan kami; *ya* ~ *ya* Tuhan kami.

rabbani Ar yg berkaitan dgn Tuhan, ketuhanan: *generasi* ~.

Rabbi Ar Tuhan yg memiliki diriku: *ya Allah, ya* ~.

Rabbulalamin Ar Tuhan empunya seluruh alam, Tuan (pemilik dan penguasa) seluruh alam.

Rabbulghafur Ar Tuan segala ampun, Tuhan Yang Maha Pengampun.

Rabbulizzati Ar Tuan segala kemuliaan (Allah).

Rabbuljalil Ar Tuan Yang Maha Mulia (Allah).

rabies (rabis) penyakit berjangkit (lazimnya menjangkiti manusia melalui gigitan anjing yg menghidapnya) yg mengakibatkan kelumpuhan pernafasan yg akhirnya membawa maut, penyakit anjing gila.

rabik pecah, robek (di tepi), cabik-cabik, rabak; *carik* ~ = *robak*-~ koyak-koyak (pecah-pecah); **rabit**.

rabit koyak, robek (memanjang): *bibirnya* ~; *robot*-~ koyak-koyak; *telinga* ~ *dipasang subang*, *kaki untut dipakaikan gelang*, *jari kudung dimasukkan cincin* prb pemuliaan kpd yg tidak patut dimuliakan;

merabit mencabik panjang, merabik panjang: ~ *muncung* Mn berteriak keras-keras;

merabitkan menyebabkan rabit: *ditariknya baju yg tersangkut pd cangkuk itu kuat-kuat sehingga* ~ *bahagian kolarnya*; **rabik**.

rabitah, rabitat Ar **1.** (per)ikatan, perkumpulan; **2.** terikat (kpd guru).

Rabiulakhir Ar bulan keempat dlm tahun Hijrah yg mengandungi 30 hari.

Rabiulawal Ar bulan ketiga dlm tahun Hijrah yg mengandungi 29 hari.

rabu I Mn paru-paru; *besar* ~ Mn bodoh, dungu; *dendeng* ~ sj makanan drpd paru-paru; *sakit* ~ sakit paru-paru.

rabu II; ~ *kembang* a) sj tumbuhan (pokok renek), akar serimbung, julung jantan, *Alchonea rugosa (javenis)*; b) sj tumbuhan (pokok renek), melur jawa, rompok setumpuk, *Clerodendron fragrans*.

Rabu III hari keempat dlm seminggu, selepas hari Selasa.

rabub (Muz) sj alat bunyi-bunyian bertali satu yg digesek, yg terdapat di kalangan kaum Kenyah di Sarawak.

rabuk I 1. sj cendawan (jamur); **2.** bulu halus-halus yg terdapat pd pokok kabung (utk menghidupkan api dgn pemantik), kaul; **3.** sesuatu yg menjadi bibit perselisihan dll;

sehabis ~ sehabis putaran prb kerja selesai wang pun habis; *spt ~ dgn api* prb mudah terjadi perkara yg kurang baik kalau didekatkan (jika gadis didekatkan dgn teruna).

rabuk II Jw baja, pupuk; ~ *buatan* = ~ *garam* baja (pupuk) buatan; ~ *hijau* pupuk hijau;

merabuk, merabuki memupuk, membaja: *laksana tanaman yg sudah jadi, tidak perlu dirabuk-rabuk, tidak perlu disiram.*

rabun I asap (drpd daun-daun, dupa, dll) utk mengasapi rumah (menghalau nyamuk, mengubati orang sakit, dll);

merabuni mengasapi (rumah, orang sakit, dll);

merabunkan membakar (daun-daun, dupa, dll) utk merabuni;

perabun daun-daun dll yg dibakar utk mengusir hantu syaitan dll.

rabun II kabur (kurang terang, kurang jelas): *orang tua itu sudah ~ matanya*; ~ *ayam* = ~ *senja* Mn a) buta ayam; b) samar muka; ~ *dekat* kabur melihat benda-benda yg dekat, hipermetropia; ~ *jauh* kabur melihat benda-benda yg jauh, miopia; ~ *malam* kabur pd waktu malam; ~ *tua* rabun kerana sudah tua;

berabun-rabun bermain tutup mata;

merabunkan menjadikan (menyebabkan) rabun, mengaburkan: *serangan penyakit itu telah ~ matanya*;

kerabunan perihal rabun, kekaburan: *dia tidak diterima sbg juruterbang kerana ~ matanya.*

rabung 1. puncak bumbung rumah; *air pasang ~ pasang* yg naik tinggi-tinggi; *bercakap ~ bercakap* besar (banyak); **2.** jalur tanah tinggi

yg panjang, barisan bukit, kemuncak bukit; **3.** Kd terlalu ramah, bercakap banyak;

merabung membumbung tinggi, memuncak, meninggi; *air pasang* ~ air pasang rabung;

perabung, perabungan puncak atap rumah, puncak bumbung rumah; ~ *limas (panjang)* Id bumbungan rumah yg berbentuk limas (panjang);

berperabungan mempunyai perabung: *ruang tetamu bersiling tinggi yg berhiaskan kayu dan ~ konkrit.*

rabut I lepas (lulus) kerana diragut;

merabut meragut, mencabut, merenggut.

rabut II; berabut Br tergesa-gesa, lekas, pantas.

racak Mn ark; **meracak** mengenderai, menunggang: *aku ~ basikalku hendak pergi ke kedai.*

racau I; meracau, meracau-racau bercakap dgn tidak tentu fasal (tidak keruan) ketika demam dll, mengigau: *sepanjang sakitnya dia ~;*

kemeracauan perihal meracau.

racau II Mn selalu bergerak-gerak, lincah, rencah.

racik I sj jerat utk menangkap burung;

tahan ~ burung tak masuk, burung biasa makan di tangan prb orang yg biasa bercampur dgn orang yg berakal itu susah hendak dikalahkan;

meracik menangkap burung dgn menggunakan racik;

peracik orang yg meracik burung: *bapanya bukanlah ~ burung sepenuh masa.*

racik II; meracik menghiris, memotong atau mengerat (timun, pinang, dll) tipis-tipis, menyayat (merajang) tipis-tipis;

racikan sesuatu yg sudah dihiris (dipotong dll) tipis-tipis, hirisan yg tipis-tipis;

peracik alat, spt pisau dsb, yg digunakan utk meracik sesuatu: *kilang-kilang papan ini dilengkapi dgn peralatan spt gergaji gelung, pembelah dan ~.*

racit → **racik II.**

racun 1. bahan yg berbisa dan boleh mematikan atau membawa maut (kalau dimakan dll): *ia pun makan ~ lalu mati; ~ herba racun perosak yg digunakan utk menghapuskan atau mengawal pertumbuhan rumpai atau tumbuhan lain yg tidak dikehendaki; ~ kulat racun perosak yg digunakan utk membunuh atau menghalang pertumbuhan kulat; ~ perosak racun drpd bahan kimia yg digunakan utk membunuh perosak spt serangga dan rumpai; ~ serangga racun perosak yg digunakan utk membunuh serangga yg berbahaya pd manusia;* **2.** bahan yg berbisa dan boleh menyebabkan sakit: *kuman tetanus ini berkembang biak dan mengeluarkan sj ~ yg menyebabkan tegang urat leher dan tulang rahang;* **3.** ki sesuatu yg merosakkan batin (fikiran dll): *kerisauan menjadi ~ kpd kehidupan; perbuatan spt ini akan menjadi ~ kpd syarikat dan juga kpd ahli yg berkenaan; jikalau air ~, rembesnya pun ~ juga prb jika asal sesuatu itu buruk, nescaya keturunannya pun buruk juga;*

beracun ada racunnya, mengandungi racun: *gas yg ~; makanan yg ~;*

meracun memberi makan racun (supaya mati): *ia dituduh ~ anjing jirannya;*

meracuni 1. membubuh racun pd: *dia berteriak mengatakan aku ~ makanan itu;* **2.** mengganggu, mengusik, menggiurkan (hati): *senyumnya ~ hati;* **3.** merosakkan, membinasakan: *dia dikatakan ~ fikiran rakyat;*

meracunkan meracun utk: *dia ~ ibunya lalang yg tumbuh terbiar di sekeliling rumah;*

keracunan kena racun, termakan racun; ~ *makanan* termakan makanan yg mengandung unsur atau bahan beracun, mengidap penyakit atau berasa kesakitan kerana telah memakan makanan yg mengandung unsur-unsur beracun atau bahan yg menyebabkan penyakit;

peracunan perihal meracun (meracuni);

peracun 1. orang yg meracun atau meracuni: *perempuan boleh menjadi penawar dan perempuan juga boleh menjadi ~;* **2.** orang yg membuat racun.

racut; peracut bp sj penyakit spt bisul.

rad IB ark dewan, majlis; ~ *agama* ark mahkamah yg mengurus hal ehwal yg bersangkutan dgn hukum Islam (di Indonesia pd zaman penjajahan).

rada = rada-rada Jk agak, sedikit; ~ *gila* agak gila; *kain-kain* yg ~ *halusan* kain-kain yg agak halus.

radai I Mn kepak pd ikan, sirip.

radai II Mn ark; **meradai 1.** mengarak tabut; **2.** meminta derma (sedekah).

radak I; beradak (berperang, berlawan, dll) tusuk-menusuk, tohok-menohok, tombak-menombak;

meradak 1. menusuk (menohok, menombak) dgn lembing dll (dr bawah dll): *sakit meradak-radak;* **2.** bk makan dgn lahap;

meradakkan menusukkan tombak dll: *keris itu dapat juga diradakkan ke dadanya;* ~ *diri* merempuh, menyerbu.

radak II; meradak 1. berjalan melanggar; **2.** menyerang, menyerbu.

radang 1. panas badan, gerah, meriang, palak; *naik* ~ marah sungguh, panas hati, geram; **2.** (Ubat) keadaan sesuatu bahagian badan atau

organ menjadi bengkak, merah, panas, gatal dan sakit akibat jangkitan atau kecederaan: ~ *paru-paru*;

~ *lidah* penyakit bengkak-bengkak pd lidah (kerana kekurangan vitamin B2); ~ *paru-paru* sakit bengkak pd paru-paru, pneumonia; ~ *tenggorok* bengkak pd tenggorok, bronkitis; *sakit* ~ penyakit yg disebabkan oleh bengkak;

meradang **1.** radang: *badannya* ~; **2.** naik radang, marah sungguh, panas hati: *banyak orang yg ~ dan marah-marah apabila menerima surat dr pejabat kerajaan yg ditulis dlm bahasa Inggeris*;

meradangkan marah kpd, panas hati kpd: *apa yg kauradangkan?*

keradangan **1.** perihal radang, kemarahan: *dlm pertemuannya nanti, dia akan dapat melepaskan kegeraman dan ~nya*; **2.** (Ubat) (keadaan) radang: *jangkitan kuman pd saluran pernafasan mengakibatkan ~ dan kebengkakan di saluran telinga tengah*;

kemeradangan perihal meradang;

peradangan berkaitan dgn, menyebabkan jadi, atau cenderung menimbulkan radang (bkn penyakit): *hepatitis adalah penyakit ~ di bahagian hati*;

peradang orang yg lekas panas hati (lekas marah): *dia memang ~ benar orangnya*.

radar alat utk mengesan arah dan jarak jauh kapal (kapal terbang dll) dgn gelombang radio.

radas alat, perkakas: *makmal merupakan woksyp yg istimewa dan di dalamnya ada perkakas sains atau ~*;

beradas menggunakan radas, ada radas: *permanian ~ dijalankan terhadap binatang utk mendapatkan baka yg lebih baik*.

raden (radén) Jw **1.** gelaran putera dan puteri raja; **2.** panggilan atau sebutan keturunan raja (yg sudah jauh);

~ *ajeng* gelaran anak perempuan bangsawan; ~ *ayu* gelaran wanita bangsawan (yg telah bersuami); ~ *mas* gelaran anak laki-laki bangsawan.

rades (radés) IB sj lobak, lobak cina (putih), *Raphanus sativus radicula*.

radi Ar; *sudi dan* ~ sudi dan rela hati.

radiallahuanhu Ar moga-moga Allah memberi keredaan kepadanya (disebut sesudah menyebutkan nama khalifah Abu Bakar, Umar, Othman, dan Ali).

radian unit ukuran sudut satah pd bulatan (satu radian = 57.296 darjah).

radiator alat utk menyejukkan enjin kereta dll dgn menggunakan air yg beredar dan kipas.

radif Ar, sl sajak (persesuaian bunyi).

radikal 1. secara menyeluruh (tidak sedikit-sedikit atau terbatas), secara yg menjejaskan (mengubah dsb) aspek atau sifat asas sesuatu: *perubahan yg ~ dlm adat resam sosial, politik, ekonomi, dan estetik; manusia boleh berubah dgn ~*; **2.** memperjuangkan (menyokong atau cenderung kpd) perubahan-perubahan dasar pd bidang atau keadaan politik (ketatanegaraan, ekonomi, sosial, dll): *parti yg akan dibentuknya itu berhaluan lebih kiri drpd UMNO sekira-kira dapat mempengaruhi golongan ~ dlm parti itu*; **3.** = ~ *bebas* (Kim) atom atau kumpulan atom yg mempunyai elektron luar yg tidak berpasangan, lazimnya sangat reaktif;

meradikalkan menjadikan sesuatu radikal: *proses ~ garis perjuangan pragmatis kesatuan sekerja yg tradisional*;

keradikalan perihal (sifat) radikal: *tidak ada seorang pun yg melebihi pengalamannya dan tidak ada pula yg melebihi ~nya*.

radikalisme 1. fahaman (kepercayaan) yg radikal dlm politik; **2.** fahaman (aliran) yg menginginkan perubahan yg mendadak dlm arena politik dan sosial.

radikel (Bio) bahagian embrio biji benih yg akan berkembang menjadi akar utama.

radin ark *padi* ~ sj padi (ringan), padi cere, *Oryza sativa*.

radio **1.** pemancaran (penghantaran, pengiriman, siaran) bunyi dll menerusi udara: *baginda akan berucap kpd rakyat melalui ~*; **2.** = *pemancar* ~ tempat memancarkan bunyi dll menerusi udara, tetuang udara: *warta berita dr ~ Malaysia; Jepun dgn perantaraan ~nya beberapa kali memberitakan kapal itu tenggelam*; **3.** = *pesawat* ~ = *peti* ~ alat perkakas utk menerima (menangkap) siaran menerusi udara: *dr ~nya terdengar lagu-lagu instrumental yg lembut*;

kereta ~ kereta peronda polis yg mempunyai sistem radio; ~ *transistor* radio kecil yg mudah dibawa ke mana-mana;

meradiokan menghebahkan (mengumumkan, menyiarkan) melalui radio.

radioaktif berkaitan dgn atau mengandungi bahan (mis uranium, radium, dll) yg menghasilkan sinar (alfa, beta, dan gama) yg sangat kuat dan berbahaya;

keradioaktifan sifat nuklid yg secara spontan memancarkan sinaran yg mengion.

radiobiologi cabang biologi yg berkaitan dgn kajian tentang kesan sinaran terhadap organisma dan penerapan teknik radiologi dlm proses biologi.

radioekologi kajian tentang kesan sinaran terhadap spesies tumbuhan dan haiwan dlm komuniti semula jadi.

radiogenik (radiogénik) (Fiz) bkn sesuatu yg terhasil drpd pereputan radioaktif: *haba* ~.

radiograf gambar X-ray.

radiografi (Ubat) penggambaran struktur dlm tubuh pd filem dgn menggunakan sinar-X atau sinar lain.

radiogram 1. = *peti* ~ peti nyanyian yg digabungkan dgn radio utk memainkan piring hitam; **2.** Id telegram yg dihantar melalui radio, berita melalui radio.

radioimmunologi penggunaan unsur radioaktif spt sinar-X dlm proses imunologi.

radiokarbon sj karbon yg radioaktif yg terdapat dlm bahan organik, biasanya digunakan sbg penyurih utk menentukan struktur dalaman, mis sistem dlm tubuh, atau menentukan usia sesuatu bahan organik kuno.

radiokardiografi pengukuran aliran darah berlabel radioaktif yg melalui jantung dgn menggunakan pengesan Geiger-Muller.

radiokimia bidang kimia yg berkaitan dgn bahan radioaktif.

radiokoloid bahan radioaktif dlm keadaan koloid.

radiologi cabang ilmu perubatan yg melibatkan penggunaan unsur (tenaga) radioaktif dlm pemeriksaan dan perawatan sesuatu penyakit.

radiometer (radiométer) alat utk mengukur atau mengesan tenaga sinaran.

radiometri (radiométri) kaedah analisis yg berdasarkan pengukuran sinaran.

radionuklid (Fiz) nuklid yg tidak stabil dan mengalami pereputan radioaktif semula jadi.

radiosond alat yg dibawa ke angkasa dgn belon khas yg digunakan utk menentukan suhu, tekanan, kelembapan bandingan dsb yg berlaku dlm lapisan atmosfera atas dan menghantar balik data ke stesen pencerapan di bumi.

radiotelegrafi (radiotélégrafi) sistem komunikasi telegraf yg menggunakan pemancaran gelombang radio.

radioterapi (radiotérapi) kaedah rawatan penyakit dgn menggunakan pancaran sinar spt sinar-X dll.

radioterapi (Ubat) rawatan penyakit dgn menggunakan haba yg dihasilkan oleh sinaran elektromagnet.

radiotropisme tindak balas tumbuhan atau organisma terhadap sinaran elektromagnet.

radium (Kim) sj unsur logam yg radioaktif yg terdapat semula jadi dlm bijih uranium dan digunakan dlm bidang perubatan, radiografi, cat berkilau, dll.

radius IB **1.** sinar; **2.** garis dr pusat ke keliling lingkaran, jejari (jari-jari).

radom (Fiz) penutup atau pelindung antena radar, terutamanya pd bahagian muncung pesawat udara, yg diperbuat drpd bahan yg boleh ditembusi oleh gelombang radio.

radon (Kim) sj unsur gas yg radioaktif.

radu Br bajak, tenggala.

radung; meradung melanggar, merempuh (dawai, pagar, dll);

teradung terlanggar.

radup; jahit ~ sj jahitan pd lipatan, jahit sembat.

rafak Ar naik;

merafakkan mengangkat: ~ *sembah*.

rafidi Ar ajaran agama yg terkeluar drpd dasar asalnya (kaum Syiah dll).

rafia **1.** sj pokok palma, *Raphia ruffia*, yg pelepah daunnya menghasilkan serat yg boleh dibuat tali, tikar dsb; **2.** serat drpd pelepah (daun) pokok rafia yg digunakan utk membuat tali, tikar, bakul, dsb.

rafik I Ar tinggi, mulia.

rafik II Ar kawan, sahabat, taulan (yg karib).

raga I 1. sj bakul yg diperbuat drpd bilah (rotan dll) utk mengisi barang dll: *ia pergi ke pasar, tangannya membimbit ~*; **2.** buah ~ sj bola yg dianyam drpd rotan; *bermain sepak ~ bermain raga dgn menyepakinya dan menjaga supaya jangan jatuh ke tanah; (bermain) sepak ~ jaring* bermain raga dgn menggunakan jaring; **meraga** sbg raga, kasap, berserabut.

raga II Jw badan: *seolah-olah jiwa seni yg ada pd ~ Abdul Aziz dulu sungguh-sungguh telah bertukar; jiwa dan ~.*

raga III; raga-raga sl, **beraga, meraga** memperlihatkan (menunjukkan) diri, berlagak, sombong, menyombongkan dirinya: *akan kita ~ dgn bermain;*

memperagakan 1. mempamerkan (kpd bakal pembeli dll), menunjukkan (barang dagangan) kpd orang ramai: *peruncit harus menggunakan segala ruang dlm kedainya dgn sebaik-baiknya utk ~ barangannya;* **2.** memperlihatkan-lihatkan kebagusan diri (pakaian dll), mempamerkan, menunjuk-nunjukkan, melagakkan: *gadis-gadis berjalan ke sana ke mari ~ pakaian mereka;* **3.** menunjuk-nunjukkan (kekayaan dll);

peragaan perbuatan memperagakan sesuatu;

peraga orang yg suka memperagakan diri, pesolek.

ragah I; beragah-agah → □ **agah I.**

ragah II Pr tegap badan (manusia).

ragam I 1. tingkah, cara, laku, olah: *aku menjunjung sekotak pinggan dan kawan-kawan yg lain masing-masing dgn ~nya;* **2.** jenis, macam: *dlm masyarakat ada berbagai-bagai ~ manusia; aneka ~ berbagai-bagai jenis; serba ~ serba macam;* **3.** lagu, langgam: *maka gendang pun dipukul oranglah tujuh ~, dan pd se~ sekali nafiri berbunyi; ahli ~ ark ahli muzik;* **4.** corak, rasi, warna: *kain yg cantik ~nya; ~ bahasa variasi bahasa berdasarkan*

penggunaannya, yg berkaitan dgn situasi (tajuk pembicaraan, bidang, dll) yg tertentu; *banyak orang banyak ~nya* prb banyak orang banyak tingkahnya (fiilnya, lakunya);

seragam 1. sama potongan dan warnanya (bkn pakaian dll), sama sahaja (ciri-cirinya, peraturannya, dll): *pakaian ~*; **2.** sesuai, sepakat; *~ sebau* sehati (suami isteri dll);

menyeragamkan menjadikan seragam: *~ ejaan Rumi bahasa Malaysia-Indonesia*;

keseragaman perihal (keadaan dsb) seragam: *~ bentuk*; *~ warna*;

penyeragaman perbuatan menyeragamkan: *ia akan dapat berusaha ke arah ~ bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia*;

beragam; **beragam-ragam** berbagai-bagai, bermacam-macam, berwarna-warna: *masyarakat yg digaulinya jauh lebih ~ dan luas drpd masyarakat zaman ayahnya*; *ramai ~*, *rimbun menyelara* prb setiap orang ada kemahuan (fikiran, kegemaran, dll) sendiri;

meragam 1. menyanyi (bernyanyi, berlagu); **2.** mewarnai; **3.** bp berkelakuan (berperangai) tidak tentu hala (tidak dapat diteka): *kereta buruk yg ~*; *gadis itu terus-menerus ~*;

meragamkan menjadikan beragam, membuat (mengubah dsb) supaya menjadi berbagai-bagai atau tidak serupa sahaja: *mereka tahu ~ masakan utk hidangan sehari-hari*;

keragaman 1. perihal berjenis-jenis ragam: *orang yg begini membawa sekali ~ yg beraneka juga*; **2.** = *~ jiwa* keadaan (jiwa).

ragam II Jw bersatu hati, rukun;

meragamkan mengeratkan persaudaraan (persahabatan dll), merukunkan;

keragaman kedamaian, kerukunan.

ragan Kd ark tujuh.

ragang I; meragang 1. memanjat (dgn memegang): *ia jatuh ~ pagar; pokok ~ pokok* yg memanjat pd benda-benda lain; **2.** menyerang dan menyerbu (kota dll), merangsang; ~ *gawe* (Palembang) menggunakan kekerasan terhadap perempuan, memperkosa perempuan.

ragang II; ragangan Jk rangka bangunan dll, tulang-tulangan.

ragas I; meragas 1. sl menyentak (rambut, rumput, dll); **2.** ark memotong rambut, memangkas tanaman, dll.

ragas II; meragas 1. melata naik, memanjat (tumbuh-tumbuhan): *batang semalu diliputi duri-duri dan ~ naik ke atas rumpun-rumpun pokok yg tidak begitu tinggi*; **2.** bp memanjat-manjat (kerana bermain-main spt yg biasa dilakukan oleh kanak-kanak): *jangan suka ~, nanti jatuh.*

ragbi sj permainan bola yg para pemainnya (antara dua pasukan yg berlawanan) boleh membawa bola dgn tangan; *bola ~ bola bujur* utk permainan ini.

ragbol IB, bp sj sikat (sapu) bulat yg bertangkai panjang utk membersihkan sawang dll.

ragem Jw → **ragam II.**

ragi I 1. sj bahan yg dibuat drpd beras dll utk menapai (tapai, arak, dll); **2.** berjenis-jenis zat yg mengandungi ragi;

beragi 1. menggunakan ragi: *roti yg tidak ~*; **2.** berbuih, berbusa (kerana ragi), muai;

meragi membubuh ragi (pd): *utk membuat tapai, ubi kayu itu diragi dahulu*;

meragikan menjadikan ragi.

ragi II warna (kain), corak (anyaman, batik, dll): *kain tenunan ~ jawa; cantiknya ~ tikar ini*;

meragi mewarnai (kain dll).

ragi III; meragi 1. mengadun (rempah dll), mencampur: *minta tolong dia ~ rempah kambing*; **2.** Kl mencampur sesuatu utk dibagi sama rata.

raghib Ar asyik, gemar, suka sekali: *membaca kitab dgn ~.*

ragin sl tumbuhan (pokok memanjat), *Microglossa volubilis*.

rago Sr; *udah ~ sudah sibuk.*

ragu; ~ *hati* = **ragu-ragu** syak hati, bimbang, bingung, sangsi, waswas: *ia ragu-ragu tentang kejujuran pemuda itu; ia berasa ragu-ragu hendak menjawab;*

meragu Mn mengganggu, mengacau, membingungkan: *jangan ~ engkau di sini, mari pulang;*

meragui menaruh syak pd, bimbang terhadap, sangsi terhadap, waswas terhadap, mengesyaki: *kedudukan persoalan sudah jelas, tidak ada suatu yg diragui lagi; kejujuran orang itu masih diragui lagi;*

meragukan menjadikan ragu-ragu: *jadi, apakah yg ~ hatimu lagi?*

keraguan, keragu-raguan 1. perihal ragu, kesangsian, kebingungan: *kelewatannya pulang drpd biasa menimbulkan ~ dan sangkaan yg bukan-bukan drpd isterinya; keragu-raguan itu timbul kerana kata yg dipakai kurang jelas*; **2.** = **ragu-raguan** dlm keadaan ragu-ragu (bimbang, sangsi, syak): *Nawawi bertanya ~.*

raguk → □ **reguk.**

ragum sj alat (drpd besi) utk menyepit atau memegang benda yg hendak dikikir dll.

meragum mencabut (menyepit dsb) dgn ragum: ~ *paku.*

ragung ark; **teragung** terlanggar, tertumbuk; → □ **agung II.**

ragus rabut.

ragut; meragut 1. menarik (menyentak, merabut, mencabut) dgn paksa atau dgn kekuatan: *tas tangannya diragut perompak*; **2.** memakan

rumput hidup dsb (bkn lembu, kambing, dll): *yg meragut-ragut rumput, itulah kerbau*; **3.** ki mencabut, merampas, menyebabkan kehilangan (sesuatu) secara paksa (tiba-tiba dsb): *dia berasa dirinya diperlakukan secara tidak adil apabila kebahagiaannya yg tinggal secebis itu diragut dgn tiba-tiba*; ~ nyawa menyebabkan mati dgn tiba-tiba: *kemalangan itu telah ~ nyawa pemandu tersebut*;

ragutan hasil meragut;

peragut orang (penjahat) yg meragut dan melarikan sesuatu barang yg sedang dipakai atau dibawa oleh seseorang: *pelancong asing juga sering menjadi sasaran ~ bermotosikal*; *dlm kejadian itu, ~ melarikan beg tangan seorang wanita yg sedang membeli-belah*.

rahak I Mn dahak.

rahak II Kl, Tr pekerjaan yg berat lagi rumit, pekerjaan yg teruk benar.

rahak III Sl roboh, runtuh (rumah dll yg sudah buruk).

raham → □ **rahim I**.

rahang I bahagian kepala di sebelah depan yg terdiri drpd dua tulang (tulang rahang) yg membolehkan mulut dibuka dan ditutup; ~ *atas* tulang rahang sebelah atas; ~ *bawah* tulang rahang sebelah bawah; *keras* ~ tidak mahu mengalah (tidak mahu menurut, ketegar); *tali* ~ tali kekang (yg diikat pd rahang kuda dll); *tulang* ~ tulang pd rahang.

rahang II Ph rasa spt rasa jering.

rahap I; *kain* ~ = *tudung* ~ kain (tudung) utk menutup mayat;

merahap 1. menutup mayat dgn kain (rahap): *ia ~ mayat ibunya*;

2. menutup (badan dgn kain): *ia dapat ditenteramkan, diletakkan di tempat tidur, dan dirahap dgn kain batik lepas*;

merahapkan menggunakan kain utk menutup;

perahap kain rahap.

rahap II; merahap 1. = *terbang ~ terbang turun (hinggap): burung punai berkawan-kawan terbang ~ hinggap di dahan ara; 2.* bertelut di samping orang yg berbaring dll, meniarap, menyerahap: *Mokhtar ~ di kaki ibunya dan menangis tersedu-sedu; bagai dirahap kain basah prb dingin sejuk badan kerana melihat (mendengar khabar mengenai) kejadian sedih dan ngeri;*

terahap tertelungkup (jatuh).

rahat I roda (jentera) utk menggulung benang pd alat memintal benang.

rahat II gugur dgn banyak (durian): *buah durian dlm kampung itu sudah cukup ~ atau memuncak gugurnya; gugur ~ gugur dgn banyaknya.*

rahat III Ar istirahat, rehat.

rahi berahi.

rahib Ar orang yg bertapa dlm biara Kristian.

rahim I Ar **1.** belas kasihan: *belas ~; kasihan ~; ia hidup mengikut ~ dan belas kasihan orang lain; 2.* pengasih, penyayang; *Allah yg ~ Allah Yang Maha Pengasih;*

merahimi menaruh belas kasihan pd, mengasihi, menyayangi;

kerahiman perihal rahim (belas kasihan); **rahman.**

rahim II Ar organ pd perempuan dll utk mengandung anak, kandung(an), peranakan: *ayahnya meninggal ketika ia masih dlm ~ ibunya; ~ bunga ovari.*

rahimahullah Ar Allah menaruh belas kasihan padanya.

rahman, rahmani Ar belas kasihan, pengasih: *Tuhan yg bersifat ~ dan rahim; rahim I.*

rahmat Ar **1.** belas kasihan: *moga-moga Tuhan mengurniakan ~ ke atas hakim; dipohonkan ~ drpd Yang Maha Kuasa; 2.* kurnia, berkat: *~ Allah; mudah-mudahan Allah limpahkan ~ dan nikmat hidup*

padanya; 3. bahagia: malam itu mereka berjumpa lagi, alangkah ~nya; 4. kelebihan, hikmah, faedah, kegunaan: dia teringat kpd ~ ~ puasa yg diamalkannya selama ini;

kata yg benar ditidakkan, ~ Tuhan dilarikan prb ingkar drpd mengakui kebenaran;

merahmati **1.** mengasihani; **2.** memberkati, menganugerahi, mengurniai.

rahmatullah Ar; *kembali (pulang) ke ~ meninggal dunia, mati.*

rahsia **1.** benda yg tersembunyi (diketahui oleh satu atau beberapa orang sahaja): *ia cuba mencungkil ~ yg tersurat di hati Noor; membuka (memecahkan, membongkar) ~ menceritakan sesuatu rahsia; memegang (menyimpan) ~ tetap tidak mahu menceritakan sesuatu rahsia; 2.* sesuatu (benda, akal, dll) yg sengaja disembunyikan supaya orang lain tidak mengetahuinya: *kalau tidak mengetahui ~ musuh, bagaimana hendak mengalahkannya; dlm kitab ini diterangkan segala ~ utk mencapai keredaan Allah; pintu ~; surat ~ surat yg isinya khusus utk orang yg tertentu sahaja; 3.* secara tidak disiarkan (tidak diketahui orang), diam-diam, gelap, sulit: *perempuan ~ menteri-menteri di Cameron Highland; (per)hubungan ~ (per)hubungan yg senyap-senyap (diam-diam) dgn tidak diketahui orang;*

~ alam bahagian (keadaan dll) alam yg belum diketahui orang; ~ jabatan Id rahsia bkn urusan pejabat;

berahsia **1.** mempunyai rahsia, menaruh rahsia; *bilik ~ bilik yg ada rahsianya; 2.* menyembunyikan sesuatu drpd: *tidak perlu ~ lagi dgn aku; 3.* memberitahukan sesuatu rahsia kpd: *ia telah berjaya membawa Awang Putat ~ ke tepi Sungai Pahang;*

berahsia-rahsia menyembunyikan sesuatu dgn sungguh-sungguh supaya tidak diketahui oleh orang lain: *beliau lebih suka*

bersendiri, lebih banyak ~ dlm tindakannya; aku tidak suka ~ dan mengecewakan orang lain, apatah lagi engkau rakan akrab dan jiran terdekat aku;

merahsiakan tidak memperlihatkan (memberitahukan), menyimpan sbg rahsia: *kenapa kakak masih mahu ~ hal kakak itu kpd saya?*

kerahsiaan perihal rahsia: *Mubarak datang dgn penuh keghaiban dan ~;*

perahsiaan perbuatan merahsiakan sesuatu;

perahsia suka berahsia: *anak muda itu pendiam dan ~.*

Rahu raksasa (kononnya ada kepalanya sahaja) yg menelan bulan atau matahari dan menyebabkan gerhana.

rai I bunyi biji-biji (butir-butir) kecil jatuh.

rai II sj tumbuhan bijirin yg bijiannya dijadikan tepung, makanan ternak, wiski dsb, *Secale cereale*.

rai (ra.i); **meraikan 1.** menjamu (utk memuliakan, menghormati): *tujuan kenduri ini ialah melepaskan orang yg hendak berjalan dan meletakkan orang yg tinggal, yakni ~ orang yg pergi dan memberi gembira dan sokongan bagi orang yg tinggal; 2.* mengadakan keramaian, merayakan: *sekalian tertunggu-tunggu hendak ~ temasya bersuka ria; kaum Sakai dlm hutan itu sibuk bersiap-siap kerana hendak ~ perkahwinan anak batin mereka;*

keraian 1. jamuan (utk memuliakan dll): *suatu majlis ~ diadakan di Istana Negara; 2.* keramaian, perayaan: *~ menyambut Maulud Nabi.*

raiat → rakyat.

raifal sj senapang berlaras panjang yg bahagian dalamnya mempunyai alur berpilin supaya pelurunya berpusing apabila ditembakkan; ~

angin raifal yg menembakkan peluru dgn tekanan udara, senapang angin.

raih tarik, lwn tolak (dorong, sorong); *tolak (menolak)* ~ a) beri-

memberi serta ambil-mengambil; b) tawar-menawar (berjual beli);
meraih 1. menarik kpd diri sendiri: *Sufian diraihnya ke dadanya; ia ~ anak itu ke dlm rangkulannya; ~ dayung; 2.* ki menarik (hati), memikat (orang dll); ~ *hati* menarik hati; **3.** memborong utk menjual lagi (barang dagangan): *kerjanya ~ ikan utk dibawa ke kampung-kampung; 4.* memperoleh, mendapatkan, mengumpulkan: *memang benar kata-kata Joyah isterinya, apalagi mahu diraih rezeki di sungai itu; dia hanya berjaya ~ pingat perak dlm acara 200 meter;*

~ *pekung ke dada* prb sengaja mencari malu atau bencana; ~ *pangkur ke dada* prb insaf akan diri sendiri; *malang tak boleh ditolak, mujur tak boleh diraih* prb segala-galanya terserah kpd untung (nasib);

peraih 1. pedagang yg membeli barang dgn jumlah yg banyak dan kemudian menjualnya, pemborong, orang tengah; **2.** sampan utk berdagang (memborong barang-barang dan menjualnya); *berjagal* ~ Mn berjual beli barang dlm jumlah yg banyak, memborong.

rairat ark **ghairah.**

rais; merais menyapu dan menghimpunkan (sampah, sisa makanan, dll).

rait bp tanda (✓) utk menandai sesuatu yg betul, sudah dikerjakan, dsb: *jawaban yg betul ditandakan dgn ~ dan jawaban yg salah ditandakan dgn pangkah.*

raja I 1. orang yg mengetuai dan memerintah sesuatu negara (bangsa), kepala negara (yg diwarisi): ~ *Inggeris pd masa ini ialah seorang wanita; 2.* kepala negeri, sultan: *di Malaysia Barat lapan drpd raja-rajanya bergelar sultan; 3.* kepala suku (daerah): *di Nusa*

Tenggara masih banyak ~; **4.** gelaran orang bangsawan (keturunan sultan); **5.** ark bp orang yg berkuasa, ketua, pemerintah: *kompeni Inggeris akan kembali semula menjadi ~ di Melaka; di dlm kapalnya dialah ~, memerintah dr haluan ke buritan; kita boleh menjadi ~, boleh memerintah semua orang lelaki yg termakan budi kita*; **6.** orang yg besar kuasanya (pengaruhnya dll) dlm sesuatu lingkungan (spt dlm lingkungan perusahaan, kewangan, dll); *~ minyak* orang yg berkuasa (berpengaruh) dlm perusahaan minyak; *~ getah* orang yg berkuasa (berpengaruh) dlm perusahaan getah; **7.** binatang (jin dll) yg menguasai binatang (jin dll); *~ jin; ~ laut; ~ rimba; ~ binatang* singa; **8.** nama buah catur yg terpenting; **9.** nama kad (terup) besar yg bergambar raja; *~ agas* gelaran seseorang yg berbadan kecil tetapi berani; *~ badar* sj kain putih; *~ berpelembagaan* raja yg pemerintahannya tertakluk pd peruntukan perlembagaan negara; *~ besar* raja yg berkuasa (berpemerintahan) besar; *~ bola* pemain bola yg pandai; *~ cacing* orang yg sangat kurus; *~ jenang (jejenang)* orang yg mengatur dlm penyabung ayam; *~ kecil* putera raja; *~ kecil besar* putera mahkota; *~ kecil muda* putera raja yg bongsu; *~ laut* laksamana; *~ muda* putera mahkota, tengku mahkota, pemangku raja yg memerintah (tanah jajahan dll); *~ penomah* pemberian kpd bakal mentua; *~ permaisuri* gelaran isteri raja yg memerintah sesebuah negeri (negara); *~ Permaisuri Agong* gelaran utk permaisuri Yang di-Pertuan Agong; *~ putih* penyakit keputihan; *~ sehari (sari)* pengantin; *~ singa* penyakit perempuan, sifilis; *~ wang* orang yg sangat kaya; *(si) ~ diraja* usungan jenazah raja; *~ adil ~ disembah, ~ tak adil ~ disanggah* prb raja yg adil disayangi, dan raja yg zalim dibenci; *siapa pun menjadi ~ tanganku ke dahi juga* prb siapa pun yg menjadi raja, dihormati

juga; *spt ~ dgn menteri prb bersetuju dlm segenap hal; tak ada (tiada) ~ menolak sembah prb tidak ada orang yg tidak suka dihormati;*

beraja 1. berlaku sbg raja, menjadi raja; *~ di mata, bersultan di hati = ~ di hati, bersultan di mata prb mengikut nafsu masing-masing; 2.* ada rajanya, mempunyai raja: *adat negeri itu tiada ~, batin sahaja penghulunya; baiklah raja ini kita rajakan di sini kerana kita pun tiada ~; ~ kpd mengabdikan (menghambakan) diri kpd;*

beraja-raja sl bercampur (bergaul) dgn raja, hidup bersama-sama raja (tahu adat-istiadat di dlm istana): *baiklah anakku, supaya engkau tahu ~;*

berajakan mengabdikan diri kpd, beraja kpd: *segala orang Melaka terlalu sangat kasih dan setuju ~ beliau;*

meraja 1. spt raja, berbuat (berlaku, berlagak) spt raja; **2.** ki merajalela: *penyiksaan telah ~ di kampung itu;*

merajai 1. menjadi raja di (atas), memerintah: *Sultan Muzaffar Shah mula-mula sekali ~ negeri Perak; 2.* ki menguasai, mempengaruhi: *hati akan ~ seluruh jiwa; ia terlalu banyak dirajai oleh perasaan; apabila cinta sudah ~ hati, segala-galanya adalah indah belaka; ~ diri menguasai diri;*

merajakan 1. menjadikan raja, menobatkan jadi raja: *maka anakanda baginda yg tua itulah dirajakan menggantikan ayahanda baginda; 2.* menganggap atau memandang sbg raja: *~ pangkat;*

kerajaan 1. negeri atau negara yg dikepalai oleh raja : *~ Malaysia; ~ Arab Saudi; 2.* pemerintahan, negara: *~ Indonesia berparlimen; 3.* martabat (kedudukan) raja: *setelah nenda hilang, ayahanda Badanul menggantikan nenda di atas ~; 4.* tanda-tanda alat kebesaran raja: *pakaian ~; payung ~; takhta ~; 5.* sifat sbg

raja: *jika tiada diketahuinya tujuh perkara, tiada layak ia naik raja dan tiada sempurna ~nya*; **6.** sl naik takhta, menjadi raja: *jika ia ~, tiada akan sempurna negeri ini*;

~ *buangan* pemerintahan yg dijalankan di luar negara (kerana negara ditawan musuh dll); ~ *campuran* pemerintahan yg anggota-anggota kabinetnya terdiri drpd berbagai-bagai golongan parti politik; ~ *negeri* pemerintahan negeri yg menjadi sebahagian drpd kerajaan kebangsaan atau pusat; ~ *pusat* pemerintahan yg bersifat kebangsaan (tidak dr negeri bahagian); ~ *sementara* kerajaan yg dibentuk utk memerintah atau mentadbir negara sehingga terbentuk kelak sebuah kerajaan yg sempurna menurut perlembagaan dsb; ~ *sendiri* pemerintahan yg setengah merdeka (pemerintahan yg mempunyai sebahagian kemerdekaan, bukan kemerdekaan penuh); ~ *tempatan* (Udg) sistem kerajaan yg meletakkan pentadbiran hal ehwal kerajaan pd pihak berkuasa setempat, mis majlis perbandaran dan majlis daerah;

berkerajaan mempunyai kerajaan, ada kerajaannya: *perubahan-perubahan yg patut dibuat bagi mencapai taraf ~ sendiri*.

raja II; ~ *udang* sj burung, binti-binti, *Alcedo meninting verrauxii*; *burung ~ udang* sj burung, pekaka cicit, *Alcedo atthis bengalensis*.

raja III; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok) *Cassia fistula*; *rumpun ~ sari* sj anggerik, anggerik raja sari, *Dendrobium calcaratum*.

raja I 1. tulisan (gambaran, suratan, tanda-tanda, dll) yg dibuat sbg azimat (ubat penghalau hantu dll); **2.** garis-garis pd tapak tangan, suratan tangan; **3.** coreng-coreng pd tubuh yg dibuat dgn barang tajam dll, cacahan; **4.** gambar dgn garis-garis, bagan;

merajah 1. membuat rajah (dgn kapur dll) sbg mengubat orang sakit dll; **2.** mencoreng (badan), mencacah; **3.** sl merodok, menusuk dgn tombak (lembing dll): *dirajahnya dgn tombaknya*;

merajahkan membuat rajah sesuatu, melukis sesuatu dgn rajah:
rajahkan sebuah bilik rehat.

rajah II; ~ *bangun* sj tumbuhan (herba), kerencong, setawar padang, tumbuh daun, *Bryophyllum pinnatum (calcynum)*; ~ *kayu* a) sj tumbuhan (pokok), dulang, tengguli, *Cassiafistula*; b) sj tumbuhan (herba), juang-juang, jenuang, lenjuang bukit, tapak leman, tapuh, *Dracaena congesta*; c) sj tumbuhan (pokok renek), *Dracaena porteri (congesta)*.

rajalela (rajaléla); **merajalela 1.** melakukan sesuatu dgn sesuka hati, berbuat sesuka hati (sewenang-wenang); **2.** timbul menular-nular, bercabul (penyakit dll); **3.** menjadi-jadi, berkecamuk: *Paris telah dikepung, kelaparan ~; dia cuba utk menghilangkan fikiran yg ~ dlm otaknya;*

bermerajalela merajalela.

rajan keluar darah yg berlebihan (pd perempuan yg datang bulan).

rajang Jw; **merajang** menghiris tipis-tipis, menyayat tipis-tipis, meracik: ~ *daun nasi ulam*;

rajangan hirisan, racikan; *tembakau ~ tembakau racikan.*

rajastali; *pisang* ~ sj pisang, pisang keling; **rastali.**

rajau Pr padi (pokok dan buah) yg ditinggalkan ketika dituai pertama kali (kerana kurang masak);

merajau menuai padi yg dahulunya ditinggalkan.

rajawali 1. sj burung, *Accipiter badius poliopsis*; **2.** sj burung, lang belalang, *Microhierax fringillarius*.

raji (raj.i); *talak* ~ talak (cerai) pertama dan kedua, talak (cerai) yg boleh dirujuk semula.

rajim Ar yg dilempari dgn batu, yg disumpahi (syaitan).

rajin 1. suka bekerja (belajar dll), giat, bersungguh-sungguh, tekun: *dia ~ belajar; dia ~ bekerja utk menambah pendapatan keluarga*; **2.**

kerap kali, selalu (berbuat sesuatu, melakukan sesuatu): *ia ~ ke masjid; tak ~ Kl, bp tidak pernah;*

rajin-rajin dgn sungguh-sungguh rajin, dgn rajin betul: *kita mesti belajar ~ supaya tidak menyesal bila dewasa kelak; Is mesti berjanji akan ~ minum ubat dan susu supaya lekas sembuh;*

merajinkan; ~ diri berusaha benar-benar, mengusahakan diri;

kerajinan 1. perihal rajin, kegiatan, ketekunan: *guru hendaklah mendatangkan kecenderungan dan ~ pd kanak-kanak; kerana ~ dan ketekunan semua pekerja di lombong itu, syarikat mengambil keputusan memberi mereka bonus; 2.* perusahaan membuat (menghasilkan) sesuatu: *mereka mesti pandai memajukan ~ rakyat;*

~ rumah tangga perusahaan kecil yg dikerjakan di rumah; *~ tangan* pekerjaan (perusahaan) dgn tangan (bukan dgn mesin).

rajok Mn pancang drpd kayu hidup (utk batas dll).

rajuk; merajuk 1. menunjukkan rasa tidak suka (enggan bercakap, enggan bekerjasama, enggan bergaul, dll): *isterinya yg ~ itu dijemput kembali; 2.* bersungut-sungut, merungut-rungut (kerana tidak senang hati dll): *kenapa ia ~ petang semalam?; ~ pd yg kasih (sayang) prb barang kehendak janganlah yg mustahil (hendaklah mana yg mungkin);*

merajuki merajuk terhadap (kpd): *kalau lambat pulang ia akan dirajuki isterinya;*

perajuk (orang yg) suka merajuk.

rajungan sj ketam yg sedap dimakan.

rajut 1. jala-jala, jaring-jaring; **2.** siratan benang dll yg berupa jaring utk membuat pundi-pundi (dipakai pd sanggul dll); **3.** pundi-pundi (pura, kantung) yg dibuat drpd siratan benang (rami dll):

walaupun meregas rumput dan menjualnya tiga sen se ~ , atau membuka toko yg bertingkat-tingkat.... ;

merajut 1. menyirat jaring-jaring (jala-jala), membuat rajut: *gentian bulu itu dipintal menjadi benang, kemudiannya ditenun menjadi kain, ataupun dirajut menjadi pakaian*; **2.** memasang rajut;

~ *badan* menyusahkan diri; ~ *burung* menangkap burung dgn menggunakan rajut (jaring); ~ *perut* menahan lapar, menahan (mengurangkan) makan;

rajutan sesuatu (jala, jaring, dll) yg dirajut: ~ *yg kemas*;

perajutan perihal (perbuatan dsb) merajut;

perajut 1. orang yg merajut (jaring, jala dsb); **2.** alat utk merajut (menyirat).

rak I 1. bunyi spt bunyi pena yg digoreskan; **2.** bunyi spt bunyi kayu patah dll; ~-*rok* bunyi pokok yg patah; → □ **derak**.

rak II sj para-para drpd kayu atau logam utk meletakkan pinggan mangkuk, buku, dll; ~ *buku* para atau tempat meletakkan buku.

rak III Kl semak-samun (tipis).

rak IV Kl larat.

raka retak dan hampir pecah atau patah (kayu, pinggan, dll): *pinggan itu ~, hanya menanti pecah*.

rakaat Ar bahagian dlm sembahyang (satu kali berdiri, satu kali rukuk dan dua kali sujud): *sembahyang asar terdiri drpd empat ~* .

rakah; merakah = *gelak* ~ ketawa terkakah-kakah (terdekah-dekah); → **dekah**.

rakak ark → **rangkak**.

rakam 1. hasil mengecap (bunga-bunga pd kain, huruf atau tanda yg dicetak, dll); **2.** garis-garis berwarna pd kain tenun, suji atau sulam

yg berwarna lain; **3.** alur bunyi atau suara pd piring hitam atau pd pita (perakam pita);

berakam dirakamkan: *muzik yg sudah ~;*

merakam **1.** mengecap, mencetak, mencorakkan (kain dll); **2.** memberi garis-garis dgn warna lain (tenunan), menekat (dgn benang emas atau berwarna), menyuji, menyulam; **3.** mengekalkan suara (bunyi, lagu, dll) pd piring hitam atau pita: *jarum itu pun bergetar menurut bentuk alur-alur yg ada di piring itu dan getaran semendal itu mengeluarkan bunyi yg dirakam; ~ rompak merakam secara haram (tanpa membayar apa-apa kpd yg berhak);* **4.** Mn melekap, menempel, melekat (baju pd tubuh dll);

merakamkan **1.** mengecapkan, mencetakkan, menerakan, mencorakkan (kain dll); **2.** menekatkan, menyulamkan, menyujikan; **3.** mengambil bunyi (suara, nyanyian, dll) utk dicapkan (diterakan) pd piring hitam (pita rakam dll): *~ cerita-cerita pelipur lara;* **4.** melekatkan (menyematkan) dlm hati, menyimpan dlm hati; **5.** melakukan dgn mencatatkan dll supaya (sesuatu itu) tersimpan utk kegunaan (rujukan dsb) pd suatu waktu kemudian kelak: *sesiapa sahaja dapat ~ perkara-perkara yg berlaku dlm parlimen; novel ~ kehidupan masyarakat secara keseluruhannya;*

terakam **1.** tercap, tercatat, tersurat (dlm perlembagaan, perjanjian, dll): *hak-hak istimewa yg sudah ~ dlm perlembagaan;* **2.** tersirat dlm hati, terlekat dlm hati: *kenangan-kenangan yg sedih itu sudah ~ dlm hatinya;* **3.** tercatat dan tersimpan (utk kegunaan, rujukan, dsb pd waktu kemudian);

rakaman sesuatu yg dirakamkan (cetakan, stensilan, sulaman, dll);

perakaman proses merakamkan sesuatu, perekodan: *~ data;*

perakam sesuatu yg merakamkan, alat merakam: *akhbar dan majalah ialah media utama serta ~ penting peristiwa-peristiwa yg berlaku di negara kita; ~ pita* alat merakam yg menggunakan pita.

rakan I = rakanan 1. sahabat, handai, taulan, teman (sepermainan, sekerja, dll): *kanak-kanak yg menjadi ~ sepermainan anaknya; 2.* kawan dlm sebuah perkongsian (persatuan, persekutuan, jabatan, dll) atau sesuatu kegiatan: *~ seawat; ~ niaga;*

~ kongsi orang yg menjadi ahli dlm sesuatu perkongsian (bkn perniagaan dsb); *~ masjid* program yg bertujuan utk melibatkan orang ramai dlm pelbagai aktiviti peribadatan dan pendidikan keagamaan yg dijalankan di masjid; *~ muda* program utk membentuk dan membimbing remaja agar mempunyai sifat terpuji spt berdisiplin, bertanggungjawab, amanah, bermotivasi dan berdaya maju; *~ seawat = ~ seawatan* orang yg sejajar kedudukan, jawatan, fungsi, atau tugasnya dgn orang lain (di tempat kerja, antara kementerian, antara negara, dsb); *~ sekerja* orang yg bekerja setempat dgn seseorang, spt dlm sesuatu bahagian, jabatan, dsb; *~ sepermainan* rakan yg sering bermain bersama-sama dlm sesuatu permainan;

berakan, merakan 1. bersahabat, berteman: *Ahmad Fuad menjenguk di ambang pintu tanpa disedari dua ~ itu; 2.* bersama-sama berusaha, berkongsi, bersekutu.

rakan II Kl ark **1.** bala, bahaya (yg akan datang); **2.** huru-hara, kacau-bilau.

rakap I 1. besi tempat memijak (meletakkan kaki) ketika menunggang kuda, sanggurdi; **2.** pengayuh basikal.

rakap II penyangkut pd palang senjung neraca kimia dll.

rakat sl sj pertunjukan tari-menari dgn lawak jenaka (dgn memakai topeng);

merakat bermain tari-menari dgn memakai topeng, mengadakan pertunjukan tari-menari dgn topeng: *gemuruh bunyi orang bermain itu terlalu ramai, ada yg bertandak, ada yg berwayang, ada yg ~.*

rakbi Ar sj lagu Arab.

raket (rakét) alat utk memukul bola dlm permainan tenis (badminton dll), penangkis: ~ *tenis.*

rakit I beberapa batang buluh (kayu dll) yg diikat berangkai (digunakan utk mengangkut orang, barang, dsb menyeberangi sungai dsb); ~ *balai gambang* sj rumah di atas rakit; ~ *pisang* Mn sj penganan yg dibuat drpd pisang muda yg disayat dan diatur spt rakit;

berakit bergerak di air di atas rakit, menggunakan rakit: *perjalanan ~ hanya memakan masa kira-kira tiga jam;*

berakit-rakit bergerak ke sana sini di air dgn menggunakan rakit: *biarlah kita semua ~ ke hulu sebelum berenang-renang ke tepian; berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian* prb bersusah payah dahulu kemudian baru bersenang-senang;

merakit 1. membuat rakit; **2.** ki mengatur atau menyusun rapi-rapi; **3.** mereka-reka, mencari akal;

perakit pengatur, penyusun.

rakit II Jw; **serakit** sepasang (kuda dll).

rakit III; *burung* ~ sj burung, burung hujan-hujan, *Cymbirhyncus macrorhyncos malaccensis.*

rakmo Kl dapur tempat memasak manisan kelapa dll.

rakna ark sl → □ **ratna.**

raksa = *air* ~ sj logam cair berwarna putih perak (utk mengisi jangka suhu dll), merkuri.

raksamala = *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok besar yg kayunya berbau harum), *Altingia excelsa*.

raksasa 1. sj makhluk spt manusia yg sangat besar dan tinggi badannya (dlm cerita-cerita), bota, gergasi; **2.** ki tersangat besar, besar sekali;

kemajuan ~ kemajuan yg tersangat besar; *kekuatan* ~ kekuatan yg besar sekali; *rancangan* ~ rancangan yg besar sekali; *rapat* ~ rapat umum yg besar (biasanya di tanah lapang);

raksasa-raksasaan banyak raksasa, secara besar-besaran: *kini tinggal badan-badan monopoli sahaja, ~ yg maha besar berhadapan satu dgn lain;*

keraksasaan (Bio) **1.** keadaan tubuh yg terlalu besar akibat perembesan hormon pertumbuhan yg berlebihan sehingga penderita menjadi sangat tinggi (dgn kemampuan mental dan seks yg sangat rendah); **2.** pertumbuhan yg berlebihan pd tumbuhan akibat perembesan hormon pertumbuhan yg berlebihan.

raksi I 1. sesuatu yg harum, bau-bauan; **2.** harum, wangi; *minyak (di)* ~ minyak wangi;

meraksi mewangikan dgn bunga-bunga (minyak wangi dll);

peraksi sesuatu yg harum (bunga-bunga dll) utk meraksi.

raksi II → rasi.

rakuk Mn takik, takuk;

berakuk bertakik, bertakuk; *membuat titian* ~ prb mencelakakan orang dgn tipu muslihat;

merakuk-rakuk membuat takik atau takuk beberapa kali: *Azman sampai di hadapan ibunya, lalu ~ sekeping papan dgn sebilah pisau yg dipegangnya.*

rakun sj binatang kecil pemakan daging yg bermuncung panjang dan bulu ekornya kembang berbelang putih dan hitam, biasanya

terdapat di kawasan hutan Amerika Utara dan Selatan, *Procyon lotor*.

rakung I Kl, Tr; **merakung** mengambil semua, membeli semua.

rakung II; **rakungan** Mn kerongkongan.

rakus 1. gelojoh, lahap: *alangkah ~nya ia memakan juadah itu*; **2.** ki selalu hendak banyak-banyak, loba, serakah, tamak: *~ akan kekayaan; sangat ~ dan loba terhadap bahan-bahan hidup*;

kerakusan 1. kegelojohan, kelahapan: *ia tahu benar akan perangai pemuda itu, pantang larangnya, kekuatannya, kelemahannya, ~nya, dll*; **2.** kelobaan, ketamakan: *utk mengubah sikap dan ~ peribadi kpd sikap berbudi bahasa dan berkasih sayang*;

perakus orang yg sangat rakus (gelojoh, loba, tamak, dll).

rakut; **merakut 1.** memasang jaring, memasang sarang (labah-labah); **2.** ki memperdayakan, mengakali, menipu.

rakyat 1. seluruh penduduk sesebuah negara (sbg syarat mendirikan sesuatu pemerintahan): *~ Malaysia terdiri drpd berbagai-bagai kaum; dewan ~ dewan yg mewakili suara rakyat dlm sistem pemerintahan demokrasi; wakil ~ ahli dewan rakyat*; **2.** anak buah, orang-orang sebawah: *setahun sekali penghulu menjamu ~nya*; **3.** orang kebanyakan, orang ramai, orang biasa: *padang permainan utk ~; ia keturunan ~, bukan keturunan raja; cerita ~ cerita yg diceritakan utk orang biasa*; **4.** pasukan perang, bala tentera: *maka baginda pun berangkat diiringi oleh seluruh ~ lengkap dgn senjatanya*; **5.** Ph, bp orang asli; *~ jelata (jembel, marhaen, murba)* orang kebanyakan (bukan golongan bangsawan);

merakyat tersebar luas kpd rakyat: *budaya ilmu dan tradisi pengajian telah meluas dan ~, lalu dgn itu pecahlah monopoli pujangga istana sbg elit ilmuwan*;

merakyatkan menyebarkan ilmu, amalan dsb kpd rakyat: *ilmu kebudayaan harus dirakyatkan agar ilmu itu tidak menjadi urusan sarjana, kaum elit dan golongan cendekiawan semata-mata;*

kerakyatan 1. perihal rakyat; 2. demokrasi; 3. ark kewarganegaraan: *~ akan diberikan kpd orang dagang di negeri ini.*

ralat I 1. tidak betul, keliru, salah, silap; 2. kesalahan cetakan (tulisan dll).

ralat II bp berat hati, tidak sedap hati, kesal (kerana tidak dapat membuat sesuatu yg baik atau terpaksa membuat sesuatu yg tidak baik): *tidak ~ aku mati apabila telah kulihat anak aku memegang dan membaca buku ini.*

rali 1. perlumbaan kenderaan bermotor di tempat tertentu, spt di estet, jalan raya dsb: *dia pernah menyertai ~ kereta klasik antarabangsa Beijing-Paris;* 2. (Eko) kenaikan harga saham dsb secara keseluruhan selepas mengalami suatu kejatuhan; *~ teknikal* kenaikan secara menyeluruh sesuatu saham atau sekumpulan saham utk jangka masa pendek dlm pasaran semasa pasaran menurun; 3. (Suk) pertukaran pukulan antara pemain dlm beberapa siri sehingga satu mata diperoleh spt dlm permainan badminton dan skuasy.

ralik Kl, Tr ralip, ralit.

ralip = **meralip** sangat mengantuk, setengah tidur;

peralip orang yg (tabiatnya) selalu mengantuk, pengantuk.

ralit Kd, Ph, Pn asyik, leka (suka benar): *dia ~ membaca buku kini;*

meralitkan menyebabkan ralit, mengasyikkan, meleakakan: *warna merah, kuning, biru, jingga serta liuk lentok rumput-rampai yg menyelit di celah-celahnya sungguh ~ mata yg memandangnya.*

ram I bunyi deram.

ram II IB **1.** jendela, tingkap; **2.** bingkai utk dibentangkan kain dll utk disulam dll, pemedang(an).

ram III → **eram.**

ram IV bilah-bilah yg berpusing pd baling-baling (kipas angin dll).

rama Jw, sl ayah(anda), bapa.

rama-rama 1. sj serangga yg sayapnya lebar dan cantik (dlm pelbagai warna), kupu-kupu; **2.** kupu-kupu (besar dan tidak berwarna-warni sayapnya).

Ramadan Ar bulan kesembilan dlm tahun Hijrah, bulan puasa.

Ramadan al-Mubarak Ar bulan Ramadan yg diberkati.

ramah 1. elok dan menarik budi bahasanya (terhadap sesiapa):

perempuan yg berbudi itu mempelawa lagi dgn ~nya; mereka menyambutku dgn ~nya; 2. suka bercampur (bergaul, bercakap-cakap, dll) dgn mesra: gadis yg dahulunya ~, sekarang menjadi pendiam pula; umumnya kaum lelaki ~~~ benar;

~ lidah suka bercakap-cakap; ~ mesra sangat karib (pergaulan);

beramah-ramahan bergaul (bercakap-cakap, berkenalan) dgn ramah: *serta ~lah aku dgn segala supai-supai itu;*

meramahi bersikap ramah-tamah kpd, mengambil hati: *siapa pun diramahinya;*

keramahan sifat atau sikap ramah, kemesraan (dlm pergaulan dsb): *kecantikan dan ~ gadis-gadisnya memang tidak dapat dinafikan; ~ beliau membuatkan kami terasa seolah-olah sudah lama berkenalan;*

peramah orang yg ramah, bersifat ramah: *penumpangnya itu ~ orangnya; bahawa dia sebetulnya lebih ~ dan lebih periang drpd kawannya.*

ramah-tamah sangat ramah; *perjumpaan ~ perjumpaan selaku sahabat yg karib (secara kekeluargaan);*

beramah-tamah berbual-bual (bercakap-cakap, bergaul) dgn ramah: *mereka tidak ada masa langsung utk ~;*

keramah-tamahan sifat atau sikap ramah-tamah: *semuanya manis-manis dan ~ mereka sangat menyenangkan hati para tetamu.*

ramai 1. riuh-rendah, hiruk-pikuk (bunyi, suara, dll): *orang menyabung terlalu ~, bunyi sorak spt akan sampai ke langit; 2.* sangat hebat, dahsyat (peperangan, perkelahian, dll): *maka berperanglah Temenggung Seri Udana dgn Peringgi terlalulah ~; 3.* sangat gembira, sangat meriah, riang gembira: *Encik Ramli pun hanya ~ dlm hati sendiri; 4.* aktif, giat, sibuk: *sesudah meleset beberapa lama, pasaran getah ~ kembali; Singapura ialah bandar perniagaan yg ~; 5.* banyak penghuninya (penduduknya): *pd zaman itu negeri Siak ~; 6.* banyak (orang), orang banyak, umum: *~ orang berkumpul; perkara Dang Kenanga janganlah dijadikan soal ~; di muka ~ di depan orang banyak (umum); khalayak ~ orang banyak, umum; kegemaran ~ kesukaan umum; kemahuan ~ kemahuan umum; orang ~ a) orang biasa (kebanyakan); b) orang yg banyak (umum); suara (pendapat) ~ suara atau pendapat umum; ~ beragam, rimbun menyelara prb kesukaan (kemahuan) tiap-tiap seorang tidak sama;*

seramai 1. sama banyak (dgn); **2.** sebanyak, sejumlah: *penduduk-penduduk yg ~ sejuta orang itu;*

beramai-ramai 1. berbuat sesuatu dgn riuh-rendah (hiruk-pikuk): *mereka ketawa ~; undang-undang tidak dapat digubal dgn bertengkar ~; 2.* bersama-sama (banyak orang), banyak-banyak (tidak berseorang): *selepas tembakan itu kami keluar ~ melihat api; mari kita kerjakan ~;*

meramai-ramai anak buah Bendahara pun pergilah mengambil peti itu, diramai-ramainya dibawanya ke hadapan Bendahara;

beramai-ramaian sl **1.** dgn ramainya, dgn banyaknya: *sekali persetua ayah hamba raja Tanjung Pura pergi ~ ke pulau*; **2.** dgn riuh-rendahnya (hiruk-pikuknya): *terlalulah suka pula aku melihatkan orang menyabung ~ itu*;

meramaikan **1.** menjadikan ramai, menyebabkan ramai (riuh-rendah, hiruk-pikuk): *kereta ini diramaikan dgn bual penumpang-penumpangnya*; **2.** menjadikan banyak, membanyakkan: *~ kaum keluarga*; **3.** menjadikan gembira, memeriahkan: *ia mengucapkan terima kasih kpd kawan-kawannya yg datang ~ majlis hari jadinya*;

memperamai, memperamaikan menyerang beramai-ramai, membanyakkan: *malangnya tok guru diperamaikan dan mati ditikam; ia menetak dan menikam Peringgi tetapi apakan daya ia diperamai oleh Peringgi*;

keramaian **1.** perihal ramai (riuh-rendah dll): *melalui jendela aku lihat ~ lalu lintas; ia suka berkunjung ke negara-negara asing, melihat ~ kota dan pemandangan di perdesaan*; **2.** perayaan, pesta: *~ menyambut hari perkahwinannya ialah suatu peristiwa besar; satu ~ telah diadakan bagi menyambut hari kemerdekaan*.

ramal I Ar **1.** pasir; *negeri ~ negeri Arab*; **2.** pasir utk menengok nasib, sesuatu yg digunakan utk melihat nasib atau mengetahui sesuatu yg akan berlaku dll (kitab nujum dll); *membaca (membilang, membuka) ~ melihat nasib orang dll (dgn menengok kitab nujum dll)*;

meramal menengok nasib, menelah: *profesor ini mungkin punya bola kristal utk ~*;

meramalkan 1. menengok nasib orang dll dgn membuka kitab nujum (pustaka), menenung, menelah: *ia hanya dapat ~ nasib orang lain, tetapi tidak nasibnya sendiri*; **2.** memberitahukan (mengatakan, menceritakan) sesuatu yg akan berlaku, menerka, menduga, menelah: *banyak orang ~ cukai pendapatan akan dinaikkan lagi; ia menjeling ke muka orang itu, menduga, dan meramalkan apa yg difikirkannya;*

teramal dapat diramalkan: *kehidupan yg tidak ~ dan tidak terkawal;*

ramalan sesuatu yg diramalkan, dugaan, telahan, tekaan: *Karl Marx telah membuat suatu ~ yg meleset; ingatlah, rancangan-rancangan bukan dibuat mengikut ~, tetapi berasaskan hakikat; kitab ~ kitab nujum, pustaka;*

keteramalan perihal dapat diramalkan;

peramalan perbuatan meramal (meramalkan);

peramal orang yg meramal atau meramalkan sesuatu: *sbg seorang ~ yg selalu tepat, Orwell yakin semua tulisannya akan menjadi kenyataan.*

ramal II sj sapu tangan: *sehelai ~ sutera yg bertaburkan benang emas disampaikan di hulu keris itu*; **rumal.**

Ramalan Id → □ **Ramadan.**

ramanda ark → **rama.**

ramas I; meramas 1. menggumpal-gumpal dan memeras-meras (adunan, kelapa, nasi, dll): *tepung gandum digaul dan diramas dgn lemak; ~ kelapa*; **2.** memegang-megang dan memicit-micit, memijit-mijit, mengurut: *lapan orang yg ~ kaki Yang Dipertuan*; **3.** memulas dan memeras (kain basah), memerah: *dia ~ kain yg baru dibasuhnya itu; perut ~ perut memulas*; **4.** merenyukkan, mengumalkan: *dia ~ surat layang yg baru diterimanya;*

~ *api* memadamkan api; ~ *bibir (mulut)* ki menggasak, mengajar; ~ *jantung (perut)* ki marah dlm hati, mendongkol, sebal, sangat menyesal;

meramas-ramas memicit, memeras, merenyukkan dsb berulang kali dgn jari-jari tangan: *bunga itu diramas-ramasnya dgn sebelah tangannya; tangannya ~ tangan ibunya;*

ramasan pegangan atau picitan utk meramas: *ia berasa satu ~ yg mesra di bahunya.*

ramas II; nasi ~ nasi yg dicampurkan lauknya sekali.

rambah; merambah 1. menebas, menebang; (pokok, tumbuh-tumbuhan), memabat: *mereka ~ pokok-pokok kecil; 2.* membuka (meneroka) hutan, merintis (jalan): *biar sedikit benih yg ditanam dan sedikit rimba yg dirambah, asal tanaman itu dijaga dan rumputnya disiangi; ~ hutan; ~ jalan; 3.* merampat (memarang, memukul, menembaki, menyebati, dll) semuanya sekali gus: *pasukan yg menceroboh itu dirambah dgn mesingan;*

rambahan daun-daunan (pokok dll) yg sudah dirambah, sisa merambah;

perambah orang yg merambah; ~ *jalan* perintis jalan.

rambahan; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok renek), rami bukit (bulan, hutan, jantan), sumin bukit (jantan), malam petai, *Alchornea villosa.*

rambai I sj tumbuhan (pokok yg buahnya boleh dimakan), *Baccaurea motleyana;*

~ *ayam* = ~ *bukit* = ~ *burung* = ~ *tikus* = ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), *Baccaurea brevipes;* ~ *cengkuang* sj tumbuhan (pokok), pasak lingga, *Dysoxylon densiflorum;* ~ *hutan* a) sj tumbuhan (pokok), setambun, *Baccaurea parviflora;* b) sj tumbuhan (pokok), mempaung, *Baccaurea lanceolata;* c) = ~ *puntianak* sj tumbuhan (pokok), pokok bantuan, kelap, *Symplocos*

rubiginosa; ~ *keras* sj tumbuhan (pokok), jintik-jintik, mesekam, *Baccaurea kingii*; ~ *padang* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar daldaru, *Psychotria sarmentosa*; ~ *puntianak* sj tumbuhan (pokok), kelat jambu putih, *Symplocos rigida*; *akar* ~ *daun* sj tumbuhan (pokok memanjat), berenas, *Trichosporum radicans*.

rambai II 1. bulu yg halus-halus lagi panjang (pd leher dan ekor ayam dll), bulu yg panjang-panjang pd janggut kambing dll; **2.** akar yg halus dan panjang-panjang serta berumbai-rumbai pd beberapa jenis pokok;

rambaian berambut, berbulu halus-halus (pd buah dll), berbulu panjang-panjang (ayam dll).

rambai III sj ikan laut, *Caranx armatus*; ~ *landih* sj ikan laut, *Alectis indica*.

rambak I; merambak 1. menjalar-jalar, merayap ke mana-mana (tumbuh-tumbuhan yg menjalar); **2.** bertambah-tambah bilangannya, bertambah-tambah luasnya;

merambakkan 1. menjadikan merambak; **2.** menjadikan banyak (luas); ~ *wang* memperbanyak wang (dgn diperbungakan dll).

rambak II Jw sj keropok yg dibuat drpd kulit lembu atau kerbau.

rambak III; ~ *cina* sj burung.

ramban, rambanan Jk (mencari) daun-daun utk makanan kambing.

rambang 1. tidak tetap (hati, tujuan, dll); ~ *mata* a) mata keranjang (suka bermain perempuan, suka kahwin); b) tidak tahu yg mana satu yg hendak dipilih (kerana banyak pilihan); *jala* ~ jala yg lebar-lebar matanya; *mulut* ~ banyak cakap, cerewet; *merawak* ~ = **rambang-rambang**; **2.** tidak atau tanpa ditentukan (diatur, dirancang, dsb) terlebih dahulu, diambil (dipetik dsb) secara sembarangan sahaja, rawak: *sbg contoh penggunaan sebenar, saya petik sebuah ayat secara ~ drpd Kamus Dewan*;

rambang-rambang secara sembarangan sahaja, merambang:
Karim menembak ke arah tempat bunyi tembakan itu ~;

merambang berbuat sesuatu (berkata dll) dgn membabi buta sahaja (dgn mengagak-agak sahaja): *tangannya dirambang bagaikan mencari sesuatu dlm gelap;*

kerambangan keadaan rambang: *membuat pertimbangan tentang sesuatu sampel semata-mata berasaskan kesamaan dan ~.*

rambas; merambas Pr **1.** mengibas-ngibas kain dll; **2.** mengibaskan kain (utk menghalau hantu ketika mengubati orang sakit): *maka tok bidan yg tua pun lalu ~ dgn kain tujuh warna.*

rambat I; merambat 1. merambak, merayap ke mana-mana, bertambah banyak (tumbuh-tumbuhan); **2.** menjalar (api dll), menular (penyakit dll), tersebar ke mana-mana (khabar, berita), berpanjang-panjangan (pertengkaran, perselisihan, dll); **3.** Id menjalar atau meluas (panas dll); **4.** Jw merayap atau melata naik: *permukaan tanah itu hampir hilang ditutupi tumbuh-tumbuhan yg ~ dan melata;*

rambatan (Fiz) gerakan gelombang tenaga yg berlaku pd gelombang elektromagnet, air atau bunyi mengikut arah yg normal dgn muka gelombang yg biasanya berbentuk sfera, sebahagian sfera atau satah;

perambatan 1. perihal (proses atau perbuatan) merambat, penyebaran; **2.** (Fiz) pergerakan gelombang tenaga yg berlaku pd gelombang elektromagnet, air atau bunyi mengikut arah yg normal dgn muka gelombang yg biasanya berbentuk sfera, sebahagian sfera atau satah.

rambat II ark tempat yg tinggi sedikit (dlm rumah dll), tempat menerima tetamu yg dihormati dll.

rambat III 1. Br, Pr jala; **2.** Kd rantai (batu) jala;

merambat Pr membubul jala.

rambih; berambih, merambih pergi (berziarah, berkelah, dll) beramai-ramai.

rambu I = rambu-rambu rumbai-rumbai, jumbai-jumbai, jerambat (pd tepi kain, tuai, dll); *tombak* ~ tombak yg diberi berjumbai;

berambu-rambu 1. = **berambu** berjerambai; *tirai* ~ tirai yg berjerambai; **2.** Kd tidak kemas, sangat remeh: *ia benci akan pakaian Melayu yg ~ itu.*

rambu II sj pancang, patuk, tiang (utk tanda dll).

rambu III; *kaki* ~ bp orang yg suka merayau-rayau ke sana sini (tanpa tujuan);

merambu berjalan ke mana-mana (tanpa tujuan), merayau-rayau ke sana sini, berkeliaran: ~ *siang dan malam itulah kerjanya.*

rambun semak yg masih belum menjadi belukar.

rambung I sj tumbuhan (pokok), *Ficus elastica*.

rambung II sj tarian Siam.

rambuni sl sj kayu.

rambustan ark rambutan.

rambut I 1. sj bulu yg tumbuh di kepala: ~*nya ikal, lebat, dan hitam*; ~

kelong dahi rambut yg ikal di dahi; *anak* ~ hujung rambut yg ikal pd dahi dll; *gigi* ~ rambut yg di pinggir; *kaki* ~ rambut yg di pinggir atas tengkuk; *si* ~ *panjang* bp orang perempuan; *termakan di* ~ sangat susah; *sakit kepala panjang* ~ pura-pura sakit kepala;

2. sesuatu yg spt rambut;

~ *anak kundai* rambut pendek di dahi pengantin; ~ *genjur* rambut yg kejang (tegak kaku); ~ *ikal* rambut yg mengombak; ~ *jagung* bulu pd jantung jagung; ~ *kerul* = ~ *keriting* rambut ikal kecil-kecil; ~ *palsu* rambut buatan;

~ *sama hitam*, *hati masing-masing berlainan* prb masing-masing orang itu mempunyai pendapat (kemahuan dll) yg berlainan; *bagai* ~ *dibelah tujuh* prb perihal sesuatu yg terlalu sedikit (kecil); *spt bergantung pd (di)* ~ *sehelai* prb sentiasa dlm keadaan yg sangat sulit dan berbahaya; *spt menghela* ~ *dlm tepung*, ~ *jangan putus*, *tepung jangan terserak* prb menghukum hendaklah dgn seadil-adilnya;

serambut sebesar rambut, sekecil-kecilnya: *tidak ada suatu kejadian yg betul-betul sempurna tanpa ada sebarang cacat walau ~ jua*;

berambut mempunyai atau ditumbuhi rambut: *hatinya terpaut dgn pemuda yg ~ hitam berkilat itu*; *kepalanya hampir botak tidak ~ lagi*;

merambut berhelai-helai spt rambut;

perambut sj tali (dawai) yg kuat antara tali kail dgn mata kail.

rambut II; *akar* ~ *cambang* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Cynanchum spp.*; *cendawan* ~ *ali* sj tumbuhan (cendawan), *Marasmius gordipes*.

rambutan sj tumbuhan (pokok dan buahnya), *Nephelium lappaceum*; ~ *hutan a*) = ~ *kabung* = ~ *kahang* sj tumbuhan (pokok), gumpuh, gerik, *Nephelium eriopetalum*; b) = ~ *pacat* sj tumbuhan (pokok), redan (tumu), *Nephelium glabrum*; c) sj tumbuhan (pokok), mertajam, *Erioglossum edule*; ~ *kapri* sj tumbuhan (pokok), pulasan, mutan reba, sanggul lotong, *Nephelium mutabile*; ~ *pacat a*) sj tumbuhan (pokok), sanggul lotong, gumpal benang, arang para, *Nephelium hamulatum*; b) = ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), *Nephelium glabrum*; c) sj tumbuhan (pokok), *Xerospermum spp.*; ~ *cantum(an)* (pokok) rambutan hasil drpd percantuman kulit tunas yg baik kpd pokok yg kurang baik; ~ *jantan* pokok rambutan

yg berbunga sahaja (tidak berbuah); ~ *kahwin* bp rambutan cantuman; ~ *lekang* buah rambutan yg longkah isinya (dr biji); *gelagah boreh* ~ *jantan*, *orang berbunga dia berbunga*, *orang berbuah dia tidak* prb perihal nasib yg malang seseorang yg berbuat spt orang lain tetapi tidak beroleh faedah (spt orang lain).

rambuti ark; *kain* ~ sj kain tenun drpd bulu kambing biri-biri (domba).

rami sj tumbuhan (pokok renek yg seratnya dibuat tali), rami-rami, *Boehmeria nivea*; *kain* ~ sj kain tenun yg kasar; *tali* ~ tali drpd serat rami;

~ *buah* sj tumbuhan (herba), dukung anak, *Phyllanthus niruri*; ~ *bukit* = ~ *bulan* = ~ *hutan* = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), *Alchornea villosa*; ~ *hantu* = ~ *bukit* = ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok kecil), *Ficus chartacea*; ~ *sengat* sj tumbuhan (pokok), rebung pengayuh, *Abroma augusta*.

ramin I sj anyaman yg berlilit-lilit (berjalin-jalin);

meraminkan menganyam berlilit-lilit (berjalin-jalin).

ramin II sj tumbuhan (pokok) dlm famili Gonystylaceae, dara eluk, melawis, pinang baik, pinang muda, *Gonystylus spp.*

ramis Br remis.

rampai 1. campuran berbagai-bagai, gabungan bermacam-macam; *bunga* ~ a) campuran berbagai-bagai bunga dan daun-daun yg harum; b) himpunan berbagai-bagai cerita (petikan drpd cerita dll); *minyak* ~ campuran berbagai-bagai minyak wangi; *rumpit* ~ berbagai-bagai rumput; **2.** bp bahan utk dijadikan campuran, bahan utk dicampurkan, perencah: *jagung muda pun ada utk dijadikan* ~ *sayur*;

rampai-rampai campuran berbagai-bagai macam: *cerita* ~ ;

merampai 1. membuat berbagai-bagai (bermacam-macam) latihan sekolah: *bila sudah* ~ *dan semua jawapan diperiksa*, *cikgu*

memuji-muji murid yg banyak betul; **2.** mencampur bahan-bahan dlm masakan (lauk, gulai, dll), merencah: *sambal tumis yg dirampai dgn kacang panjang; gulai ikan yg dirampai dgn terung*;
merampaikan mencampur berbagai-bagai bunga; ~ *khobar* menyiarkan (menyebarkan) berbagai-bagai khabar;

rampaian 1. campuran berbagai-bagai macam, rampai-rampai: *jagung muda pun ada utk dijadikan ~ sayur*; **2.** latihan berbagai-bagai pelajaran sekolah: *kanak-kanak akan lebih mundur dlm ~nya jika mereka dipaksa menulis sambung*;
~ *sains* berbagai-bagai macam pengetahuan sains (sains am); *buku*
~ buku yg digunakan utk menulis (menjawab) latihan di sekolah;
kerja ~ berbagai-bagai kerja (latihan).

rampak I = berampak 1. bercabang atau berdahan banyak dan panjang-panjang, memapar (spt pokok ketapang, hujan-hujan): *sepohon kayu yg amat ~ dahannya*; ~ *rendang* = *rimbun* ~ rampak lagi lebat daunnya; **2.** ki banyak pakaian atau perhiasan yg dipakai: *pakaian pengantin perempuan* ~.

rampak II Mn jatuh rebah, rebah, runtuh, tumbang (kerana dilanggar dll); *rebah* ~ rebah;

serampak serentak, bersama-sama, serempak: *"betul," kata mereka* ~;

merampak melanda, melanggar (hingga roboh, jatuh, dll), menyerang.

rampang ark **merampang** berang, marah, meradang;

perampang pamarah.

rampas; berampas-rampasan saling merampas, bertarik-tarikan: *maka Dewa Perkasa pun meronta, lalulah ~lah dgn panglima itu*;

merampas 1. mengambil dgn kekerasan, merebut: *pergerakan sulit utk ~ kekuasaan negara*; ~ *kuasa* mengambil alih kekuasaan

(negara) dgn kekerasan atau tidak mengikut perlembagaan; **2.** menyamun, membegal, menjabal: *wang gajinya habis dirampas penyamun di jalan*; **3.** menyita: *jika ia enggan membayar hutangnya itu, hartanya akan dirampas*;

rampasan sesuatu yg dirampas, hasil merampas: *banyak beroleh barang ~ ; ~ kuasa*;

perampasan perihal merampas (perebutan, penyamunan, penyitaan); *~ kuasa perebutan kuasa*;

perampas orang yg merampas.

rambat; merambat 1. memarang (memukul, menyebat, dll) semuanya dgn serentak, membabat (merambah, memangkas, menebang) dgn serentak: *segera diparangkan baginda kenalah leher penyamun yg ketujuh itu putus ketujuhnya bagai dirambat*; *~ tanaman*; **2.** = *~ papan* menganggap semuanya salah (jahat dll), menganggap sama, menyamaratakan: *kita semua dirambat, dikatakan malas*.

ramping I 1. kecil menggenting (bkn pinggang): *pinggangnya ~*; **2.** kecil panjang (tidak gemuk), langsing:

merampingkan menjadikan ramping: *herba ubatan yg berkesan sbg sejenis minuman ~ badan*;

kerampingan perihal (keadaan atau sifat) ramping: *~ pinggang*.

ramping II; meramping cabik-cabik (koyak-koyak) pd tepinya; → **rompang**.

rampis ark ramping.

rampok ark kumpulan yg memecah rumah orang: *ukuran hidup makin hari makin naik dan bersama itu makin naik pula jumlah ~, pengemis, dan kupu-kupu malam*;

merampok mencuri dgn memecah rumah, mengambil barang orang dgn paksa, menjarah: *maka turunlah Badwi dr gunung datang ~ dan menyamun*;

rampokan (barang) yg dirampok, hasil merampok: *barang-barang ~;*

kerampokan kemasukan perampok;

perampokan perihal merampok, perbuatan merampok: *ia dihukum 15 tahun penjara kerana ~ bersenjata;*

perampok orang yg merampok, penjarah.

rampung Jw selesai, beres: *pekerjaan kita sudah ~; telah ~ segala permuafakatan;*

merampungkan menyelesaikan, membereskan: *tahap pertama harus dirampungkan dulu.*

rampus tidak lemah lembut, tidak sopan, kasar (perkataan dll): *mulut ~ kotor mulut (suka memaki-maki dll);*

berampus, merampus 1. mengeluarkan kata-kata kasar, memaki-maki, sangat marah: *tenang dan sabar ia menjalankan kerjanya, tidak sedikit pun tanda merampus atau menyesali untung; lama-kelamaan datang bebal hatinya serta merampus lalu ia menurunkan layar dan melabuhkan sauhnya; 2.* membuat sesuatu dgn kasar, membuat sembarangan sahaja (semahu-mahunya).

ramput ark rampus.

ramu; meramu mencari bahan-bahan (kayu, ubat, dll) utk dipakai (digunakan): *~ akar-akaran dan daun-daunan utk membuat ubat; ~ rumah* mencari kayu yg baik utk rumah;

ramuan 1. bahan-bahan yg diperlukan utk membuat sesuatu (kayu-kayan utk rumah, daun-daun dan akar-akar utk ubat dll): *melainkan diubatilah Tunku dgn ilmu dan ~ ; 2.* rempah-rempah yg dipakai utk menyedapkan gulai, bumbu, rampai: *lepas itu gorenglah ~ - ~ yg lain kecuali telur yg sudah digoreng dan tauhu; 3.* ki benda-benda yg perlu utk digunakan: *bahawa jiwa Islam dan Quran itulah yg memberikan ~ istimewa.*

ramunia sj tumbuhan (pokok), pohon gandaria.

ramus = **beramus** berbulu sangat tebal dan panjang-panjang (misai, janggut): *seorang yg bermisai dan berjanggut terlalu ~nya; pemuda itu merenung muka d' Albuquerque yg beramus dgn janggut dan misai.*

ran pondok yg dibuat di atas pokok (tempat kediaman orang asli atau tempat pemburu berteduh).

rana I; merana 1. menderita penyakit yg lama: *sakit ~*; **2.** sentiasa sakit-sakit, makin lama makin kurus: *badan ~ kerana dia*; **3.** sentiasa menanggung susah (sedih dll): *hati ~ ; hidupnya ~.*

rana II ark sl **1.** peperangan; **2.** medan perang.

rana III ark → **ratna.**

ranah I 1. tanah datar, dataran rendah, lembah; **2.** kawasan yg berpayapaya; **3.** ruang lingkup, lingkungan bidang atau lapangan sesuatu (aktiviti, ilmu pengetahuan dsb), domain: *dialek Melayu sesuai digunakan dlm ~ tak formal; perlu diperkuat dasar dan strategi pembangunan negara yg berteraskan bahasa Kebangsaan dlm semua ~ kehidupan.*

ranah II; punah~ habis rosak sama sekali; → **punah.**

ranai Mn 1. basah (oleh air mata, peluh, dll); **2.** = **meranai** keluar berderai-derai, bertitik-titik, menitis-nitis (air mata, hujan, dll); **renai.**

ranap I 1. berada dlm keadaan (hampir) rata dgn tanah (kerana roboh, tumbang, dll): *rumah Pak Dollah ~ ditimpa pohon kelapa yg tumbang*; **2.** ki rosak binasa, jahanam, musnah: *motokarnya habis ~ ditimpa pohon kayu; apabila cinta sudah tidak ada lagi, maka kebahagiaan hidup berumah tangga turut ~; ~ petulang, ijuk penebal prb pencarian tambahan selain gaji (tetap);*

meranapkan menjadikan ranap, meratakan sehingga sama dgn tanah (memukul kayu ke dlm tanah sehingga sama dgn permukaan tanah dll), memusnahkan: *angin sekencang itu boleh ~ rumah papan beratap nipah di kampung-kampung di Malaysia;*

keranapan perihal ranap, keadaan ranap, keruntuhan, kebinasaan.

ranap II Mn sunyi (senyap).

ranca ark; **meranca** menganggap ringan (gampang, mudah).

ranchah (tanah yg) berpaya-paya; → □ **rencah I**.

rancak I 1. Mn bagus, baik, cantik, elok, molek; ~ *di lebu* suka berpakaian yg bagus-bagus (cantik), pesolek; **2.** cepat dan riang (irama muzik, rentak tarian, dll): *Masri suka menyanyikan lagu-lagu ~; murai melagukan irama ria dan ~ memanggil petani bekerja;* **3.** aktif, bersungguh-sungguh, giat, tangkas: *dia berjalan dgn ~ menghala ke kampungnya; persatuan itu sekarang sedang ~ dan bersungguh-sungguh menjalankan projek membantu pelajar-pelajar miskin; degup jantungnya bertambah ~; kedengaran suara tembakan yg ~ dr suatu arah; perjuangan begitu ~, begitu tangkas;*

merancak menjadi rancak: *perlumbaan senjata yg semakin ~;*

merancakkan menjadikan rancak: *banyak rancangan yg diatur utk ~ kerjasama antara kedua-dua buah negara;*

kerancakan perihal rancak;

kerancak-rancakan sombong kerana cantiknya.

rancak II Jw; **merancak** menetak(-netak), memenggal(-menggal), mengerat(-ngerat).

rancak III Jw; **serancak** seperangkat gamelan;

rancakan sj alat gamelan (sj para-para yg dibuat drpd kayu utk menaruh bonang dll).

rancang I sj pancang yg ditajamkan di hujungnya supaya dapat dicucukkan ke tanah (utk menandai, turus pagar, dll);

merancang 1. memacakkan rancang ke dlm tanah (utk menentukan sempadan dll); **2.** tegak menganjur ke atas runcing-runcing (mencuar runcing-runcing).

rancang II; berancang 1. dgn diatur (difikirkan masak-masak, direncanakan) lebih dahulu: *pembunuhan ~*; **2.** ada atau tersedia rancangan atau rencananya, diatur dan diawasi (berdasarkan asas-asas tertentu): *sistem laissez-faire digantikan dgn sistem ~*;

merancang 1. mengatur lebih dahulu, mempersiapkan, merencanakan: *antara beberapa kemajuan yg dicapai oleh ilmu perubatan sekarang ialah ilmu ~ keluarga; seorang daimio ~ suatu pemberontakan*; **2.** menganggarkan: *negara ~ jumlah penghasilan yg mesti dicapai, menentukan apa yg penting dan tidak...*; **3.** bercadang, mengagak-agak, memikir-mikir, mempertimbangkan: *kerajaan Indonesia ~ hendak memutuskan hubungan diplomatik dgn China Komunis*;

terancang sudah dirancang, sudah disediakan rancangannya, mengikut asas-asas dsb yg telah ditentukan;

rancangan 1. sesuatu yg dirancang, persediaan, persiapan, program, rencana; *~ lima tahun* rencana pembangunan negara utk jangka masa lima tahun; **2.** = *tanah* ~ tanah yg diusahakan oleh peneroka-peneroka FELDA (FELCRA dsb);

perancangan perbuatan (tindakan, usaha) merancang sesuatu: *~ ekonomi, perusahaan, kebajikan, dan sebagainya; ~ bahasa*;

perancang orang yg merancang: *seorang ~ pelajaran yg terkemuka telah didatangkan; badan* ~ badan (jawatankuasa dll) yg bertugas membuat rancangan (undang-undang dll); *Lembaga*

P~ Keluarga lembaga yg bertugas memberi penerangan dan kemudahan-kemudahan bagi orang awam utk merancang keluarga.

rancang III; ~ *besi* a) sj tumbuhan (pokok renek), tongkat ali, dedawai, sedawai, *Smilax calophylla*; b) sj tumbuhan (pokok memanjat), pudak tikus, *Freycinetia malaccensis*; ~ *hantu* sj tumbuhan (sakat), serugut, *Tropidia curculigoides*.

rancang usaha projek.

rancap I Id perihal memuaskan nafsu syahwat dgn cara yg tidak wajar (dgn tangan dll);

merancap memuaskan nafsu syahwat dgn cara yg tidak wajar.

rancap II Jw rancung, runcing, sangat tajam (senjata); *tukang* ~ ark tukang mengasah senjata.

rancu tidak teratur, campur aduk, kacau (bahasa);

merancukan menjadikan tidak teratur, mencampuradukkan, mengacaukan;

kerancuan keadaan rancu (tidak teratur dsb), kekacauan: *kekeliruan penggunaannya hanya akan meningkatkan kadar ~ kita berbahasa*.

rancung berhujung lancip, runcing dan tajam (pensel dll);

merancung 1. meraut (memotong, mengasah) supaya rancung; **2.** semakin ke hujung semakin rancung: *hujung kayu yg ~*.

rand unit mata wang utama Afrika Selatan dan Namibia.

randa I perempuan yg tidak ada suami lagi, janda: *lebih baik ~ spt ini, bebas sbg burung di udara; ingatlah keluh-kesah ~-~ miskin yg menangis dgn sedih di atas kuburan suaminya; ~ tua* perempuan atau lelaki yg sudah tua tetapi masih belum berkahwin;

meranda hidup sbg randa (janda), menjanda: *sebab memikirkan nasib anaknya maka ibu Hanafi tetap ~ ; ~ tua* (gadis yg) hingga tua tidak mahu berkahwin.

randa II sj tumbuhan (pokok), cempaka hutan, *Gardenia carinata*; ~
hutan sj tumbuhan (pokok), bongkal mempulur rimba, *Randia*
anisophylla.

randah; *berpindah*-~ selalu berpindah.

randai I; **merandai** mengharungi air, paya, rumput, dll), meranduk.

randai II Mn ark sj tarian yg ditarikan oleh sekumpulan orang yg berdiri
melengkung yg bernyanyi-nyanyi dan bertepuk tangan;

berandai-randai ki bersambung-sambung, berturut-turut.

randajawa ark jawawut, sekoi.

randau I; **merandau** memasukkan benda-benda lain dlm makanan
supaya menjadi lebih sedap atau lebih banyak;

merandaukan memasukkan benda-benda lain dlm makanan
(supaya lebih sedap atau banyak): *biarlah hamba randaukan*
dahulu sayur-mayur, nantilah hamba cari anak-anak ikan.

randau II Sr pertukaran pendapat tentang isu-isu tertentu, dialog:
Bahagian Pentadbiran dan Perjawatan akan mengadakan majlis
~ dgn kakitangan bagi membincangkan isu kenaikan pangkat.

randek Jk; *jam* ~ jam yg digunakan utk mencatat waktu dlm
pertandingan sukan dll, jam detik, jam sukat, jam randik;

merandek terhenti.

randi; *kain* ~ sj kain sutera yg bergaris-garis.

randih; *rondah*-~; → **rondah**.

randu I sj tumbuhan (pokok), kabu-kabu, kapuk, *Ceiba pentandra*.

randu II; **merandukan** mengacaukan, mengaduk, mengarau.

randuk I; **meranduk** mengharungi (air, rumput, dll), menempuh,
merandai: *mereka ~ air itu menuju ke sawah*; *Budin ~ rumput*
tebal di tepi jalan.

randuk II; *kambing* ~ kambing jantan (yg berjanggut dan berbulu banyak); *bapa* ~ a) ki kambing randuk; b) ki lelaki yg suka bermain muda; c) Kd harimau.

randung ark; **terserandung** terhantuk pd (kaki), tersampuk, tersandung: *ada yg lari berhambat-hambat ~ jatuh rebah-rempah drpd sangat sukanya itu*;

merandungkan melanggarkan, memijakkan.

raneh (ranéh), **rane** (rané) (Sunda) **1.** sj tumbuhan (paku-pakis), paku serani, paku kawat, *Lycopodium cernum*; **2.** sj tumbuhan (paku-pakis), paku merak, paku lumut, *Selaginella willdenovii*.

rang I barang apa (tulisan, gambar, dll) yg dibuat sbg contoh (teladan, pola), buram, rancangan; ~ *undang-undang* draf undang-undang (yg akan dibincangkan di parlimen dan apabila diluluskan dinamakan 'Akta'); → □ **rangrangan**.

rang II bunyi spt bunyi gendang dll; → □ **derang I**.

rang III IB pangkat, tingkatan.

rang IV Mn kep drpd kata orang; ~ *kaya* orang kaya.

rang V; *tanah* ~ Kd tanah bendang (sawah) yg terbiar atau tidak ditanami.

rang VI Kl **1.** tempat duduk yg dibuat di perdu kayu besar supaya senang menebangnya; **2.** Tr (spt) para drpd buluh utk menjemur ikan.

rangah = **merangah** angkuh, congkak, pongah, sombong.

rangai; **merangai** membersihkan sawah drpd rumput, membuang rumput, menyiangi.

rangak I; *siput* ~ sj siput.

rangak II Mn gaduh, hingar, kacau, recok, rusuh;

merangak membuat gaduh (kacau, recok, dll).

rangam sj tumbuhan (pokok dan buahnya), tomato, *Solanum spp.*

rangan sj tumbuhan (pokok), geresek, medang kuning, kunyit, lasa,
Cryptocarya caesia (scortechinii).

rangas Jk sj anai-anai (yg suka makan tikar dll).

rangga I; *runggu-~* = **berangga** bercabang-cabang (tanduk rusa); →
runggu I.

rangga II Jw sebutan atau pangkat: *rakyat bala, temenggung, dan ~*
jaksa kita hendak bawa bersama-sama.

ranggah I; **meranggah** menjolok (memetik) habis buah-buahan pd
pokok, meradak (dgn tongkat dll).

ranggah II Mn balung, jengger.

ranggah III; **meranggah** bk **1**. makan dgn gelojoh: *semua buah-buahan*
habis diranggah oleh mereka; **2**. Kd tertawa (dgn kuat).

ranggak I; **meranggakkan** menaikkan ke darat (perahu).

ranggak II Tr; **meranggak** melanggar, menyerang, melanda.

ranggas 1. luruh daunnya, tidak ada daunnya lagi: *pokok papaya itu ~*
daunnya; **2**. ranting-ranting kayu yg mati;
tampak ~ tak akan meleting prb perihal mengetahui bahawa
seseorang itu tidak akan dapat berbuat apa-apa sebab bodoh atau
penakut;

meranggas 1. gugur daunnya: *pohon-pohon yg sedang subur*
menghijau tiba-tiba layu ~; **2**. luruh bulu (buahnya): *ayam ~*;

meranggaskan menyebabkan tidak ada daun: *cuaca panas dan*
musim kemarau yg berpanjangan itu telah ~ banyak pohon yg
dahulunya subur dan rendang;

peranggasan perihal (proses atau perbuatan) meranggas atau
meranggaskan;

peranggas sesuatu (bahan, faktor dsb) yg menyebabkan pokok
ranggas: *ulat beluncas disifatkan sbg ~*.

ranggeh (ranggéh) Jk; **meranggeh** menghulurkan tangan utk mencapai, mencapai, menjengkau.

ranggi I 1. elok, gagah, tampan (sikap dll): *pemuda itu ~ dan lawa; tahun 1985, muda-mudi lebih senang dgn gaya ~; pakaian yg santun dan ~ ini biasanya dipakai ke majlis-majlis rasmi*; **2.** bp angkuh, lagak, sombong: *anak kurang ajar, nak tunjuk ~; sengaja ia hendak tunjukkan ~nya saja, boleh meminang anak orang dgn ringgitnya*;

meranggikan menunjukkan angkuh (sombong, lagak, dll) dgn, melagakkan, menyombongkan: *ia hendak ~ wang ringgit orang tuanya*;

keranggian sikap angkuh (sombong, bermegah), kesombongan, kemegahan: *berpindah drpd ~ dan rasa tinggi diri para akademik kpd sesuatu pengiktirafan berbagai-bagai jenis pencapaian cemerlang*.

ranggi II kelopak bunga.

ranggit ark kait;

meranggitkan mengaitkan, menggantungkan.

ranggoi; meranggoi membuang atau menyisikkan duri dr batang nibung.

ranggu I; meranggu mencampurkan, merencamkan.

ranggu II sj tumbuhan (pokok) dlm famili Anacardiaceae, *Koordersiodendron pinnatum*.

ranggul ark; **meranggul** terangkat ke atas (muncung meriam dll yg dinaikkan), mendongak, anggul.

ranggung I terkangkang (kaki, dua kayu yg membuat sudut, dll);

meranggung 1. membongkok dgn bertopang pd kedua-dua belah kaki dan tangan; **2.** duduk di atas lutut dgn kaki terkangkang dan tangan tertumpu ke depan;

meranggungkan mencapai sesuatu dan meraih: *ambil puan dr daraji, pandan di Jawa diranggungkan*; → **rangkung I**.

ranggung II sj pengait pancing yg diperbuat drpd tanduk yg berlubang (tempat memasukkan perambut), pelampung kail; (*pandai*) *memainkan ~ (pandai) mencari peluang baik*.

ranggung III; *burung ~ sj burung bangau yg jinak*.

rangin sj perisai panjang: *segala yg memegang ~ terus dgn ~nya, segala yg memegang perisai terus dgn perisainya*.

rangit Br rengit.

rangka I 1. tulang-tulangan (tubuh, rumah, dll), kerangka: *~ basikal; badannya kurus kering, tinggal ~; ~ rumah sudah berdiri*; **2.** buram, bagan, rancangan (yg menyeluruh dan tidak terperinci): *guru hendaklah menggunakan berbagai-bagai kaedah utk mendapat kejayaan, oleh yg demikian ~ yg diberikan ini hanyalah panduan sahaja; 30 orang intelek Melayu dr seluruh Malaysia akan membuat satu pertemuan awal dgn beliau dlm ~ sokongan intelek-intelek;*

~ pembangunan rang (rencana) pembangunan; ~ lawatan rancangan menyeluruh lawatan atau kunjungan;

berangka mempunyai rangka, ada bentuknya (bangunnya dll): *binatang yg tidak ~; syair yg ~ tetap;*

merangka membuat atau mengatur rangka (rancangan, rencana, dll) utk sesuatu: *malam itu abang ~ jadual utk esok; baginda akan membaca titah diraja yg ~ dasar kerajaan; dia ~ program yg akan diisinya kelak; ia ~ bahan yg akan dipercakapkan nanti;*

merangka-rangka mengatur-atur, mereka-reka: *ia ~ bahan yg akan dipercakapkan nanti;*

perangkaan ilmu yg membicarakan cara-cara membuat kesimpulan drpd data, menganalisis data dan mentafsir data, statistik;

perangka orang yg merangka (program, rancangan dsb), perancang: *para ~ dan penyelia program ini terdiri drpd pegawai di Kementerian Pendidikan.*

rangka II ark tempat duduk di atas belakang gajah: *Raja Melaka pun naik ke atas gajah yg berangka emas;* → □ **rengga.**

rangkai beberapa benda yg dihubungkan (dikaitkan, dipautkan): *lampu tiga se~; bentuk-bentuk penambah yg ditulis se~ dgn kata-kata dasar; se~ pantun serangkap pantun;*

~ hati Mn kekasih; ~ kata kelompok beberapa kata;

berangkai dirangkaikan (antara satu dgn yg lain), bersambung: *Pasar Besar mempunyai kedai-kedai ~ yg menjual pelbagai jenis barangan;*

berangkai-rangkai bersambung-sambung, berkait-kait, berpaut-paut: *huruf Rumi dituliskan ~; banjaran gunung yg ~;*

berangkaian mempunyai rangkaian: *misi yg dimaksudkan itu menawarkan rumusan perniagaan ~ bersama rakan niaga yg lain;*

merangkaikan menghubungkan berangkai-rangkai, memautkan, mengaitkan: *tulang belakang terjadi drpd beberapa kerat tulang yg dirangkaikan oleh urat tendon; Indonesia sedang ~ kerjasama dgn dua lagi anggota OPEC;*

menyerangkaikan menjadikan serangkai;

rangkaian 1. hubungan, kaitan: *tiap katanya mempunyai tugas penuh di dlm ~nya masing-masing;* **2.** sesuatu yg bersambung-sambung (berkait-kait): *nyonya presiden dgn penuh rasa kasih sayang mengalungkan ~ puspa wangi pd ibu bapa;* **3.** untaian (kejadian dll), kumpulan (berbagai-bagai karangan dll), siri: *orang*

Melayu menganggap bahawa sejarah atau ~ peristiwa sejarah lebih menghibur; ~ cerita James Bond; 4. hubungan susunan (huruf, kata, ayat): setiap kata mempunyai tugas penuh dlm ~nya masing-masing; ~ kata ungkapan; 5. (Mat) kumpulan atau untaian lambang atau angka yg menyatakan suatu jumlah, spt $a(p + 2q) + 3b(4x + 2y)$; 6. sebilangan benda, peristiwa, dll yg bertalian : se~harapan; Pulau Thursday terletak di se~pulau di Selat Torres; 7. kumpulan atau sistem yg berhubungan antara satu sama lain: satu ~ kedai; satu ~ pemasaran yg dapat menyelaraskan keluaran;

perangkaian perihal (proses, perbuatan dsb) merangkaikan sesuatu (spt sistem dsb);

perangkai yg merangkaikan (menghubungkan); *kata ~ (Lin) kata depan, mis dari, di dan ke.*

rangkak; merangkak 1. berjalan dgn bertumpu di atas tangan dan lutut:

dia terpaksa ~ perlahan-lahan apabila sampai di tempat yg curam; baru pandai ~ a) baru pandai bergerak di atas tangan dan lutut (kanak-kanak); b) ki baru mulai, baru mencuba-cuba (melakukan sesuatu dll); 2. ki berjalan (bergerak, berlalu) dgn perlahan-lahan (bkn masa dll), menyusup: malam ~ dr senja ke Maghrib dan terus masuk waktu Isyak; pengaruh Barat ~ masuk ke dlm alam fikiran kita;

merangkak-rangkak maju dgn lambat, tidak lancar, terhenti-henti (belajar, membaca, bercakap, dll): *ada yg tidak dapat membaca sekali-kali, ada yg ~ membaca; ia menanyai Hilmy dgn bahasa Melayu pasar yg terlalu ~; memang dia masih ~ utk mengenal dunia;*

merangkaki 1. mendekati atau menghampiri dgn merangkak: *Hanira perlahan-lahan ~ tangga flat; 2. ki menghampiri waktu (masa) dgn perlahan-lahan: hari kian ~ tepi petang;*

merangkakkan membuat (membiarkan) merangkak: ~ *anak*;

terangkak-rangkak tidak lancar dan agak kekok dlm membuat sesuatu: *semakin parah lagi apabila mereka ~ menggunakan komputer.*

rangkam Mn; **merangkam** memegang dgn semua jari tangan, mencengkam.

rangkang Jk; **merangkang** merangkak.

rangkap I; merangkap 1. menelungkup dgn tapak tangan yg dilengkungkan; **2.** menangkap dgn kedua-dua belah tapak tangan; **perangkap** perkakas utk menangkap binatang (kandang yg pintunya boleh tertutup dgn sendirinya apabila dimasuki binatang).

rangkap II 1. lipat dua (tiga dll), dua tiga helai melekat menjadi satu, kembar; *huruf* ~ dua huruf yg melambangkan satu bunyi, mis *gh*, *kh* dan *ng*, digraf, dwihuruf, dwilambang; *kelas* ~ dua tiga kelas yg sedarjah; *pintu* ~ a) pintu dua lapis (deret, saf); b) pintu yg daun pintunya dua lapis; **2.** beberapa baris (dlm pantun, sajak, dll) yg merupakan satu kesatuan: *beberapa* ~ *ayat Quran*; ~ *pantun* dua bait atau empat baris; **3.** (Mat) rangkaian ilmu hisab yg mengandungi lambang-lambang dan boleh ditentukan nilainya (spt $y = 3x^4 - 4x^3 + 12x^2 + 6$);

serangkap 1. sepasang: *lembing* ~; **2.** satu rangkap (pantun, sajak, dll); ~ *pantun* empat baris pantun;

berangkap 1. berkembar, berpasangan; **2.** bersajak: *hendaklah kanak-kanak itu tertarik kpd karangan-karangan yg baik, sama ada drpd karangan natar atau ~*;

berangkap-rangkap berdua-dua, berpasang-pasang: *berdansa* ~ ;

merangkap 1. memakai dua atau tiga lapis (baju dll), mengembarkan dua tiga helai menjadi satu: *dua helai kain*

dirangkap utk penutup motokar ini; kuliah-kuliah itu boleh dirangkap beberapa kuliah disatukan; 2. yg juga (memegang dua atau tiga tugas sekali gus, atau mempunyai dua atau tiga fungsi sekali): Timbalan Perdana Menteri ~ Menteri Pertahanan; pengarah baru Proton ~ pengurus besar bahagian korporat; bilik tidur ~ bilik makan; bilang ~ Pr membilang dua-dua sekali (sekali sepasang);

merangkapkan 1. menjadikan berangkap: *cadar yg lama nipis itu dirangkapkan pd kain tebal; 2. menyuruh (membiarkan) orang mengerjakan dua atau tiga pekerjaan: waktu ketiadaan Tun, Kementerian Pertahanan dirangkapkan kpd Timbalan Menteri Dalam Negeri;*

rangkapan sesuatu yg dirangkap(kan): *~ syair itu adalah petikan drpd naskhah Syair Panji Semirang; ayat ~ beberapa ayat yg dijadikan satu.*

rangkaya orang kaya (gelaran).

rangkayo Mn rangkaya.

rangkik sj siput, angkek, *Canus spp.*

rangking sj bakul besar yg bertutup.

rangkit; merangkit menyebat dgn rotan dll.

rangkuk Jw burung enggang.

rangkul; merangkul 1. memeluk, merangkum: *dia melonjak keriang dan meluru ~ anak kecil itu; bantal guling ini bagi kami gunanya dirangkul sepanjang malam; 2. mencapai (kemenangan dsb), memenangi, menggondol: kedua-dua pemain dr China itu pernah ~ kejayaan acara perseorangan dlm pertandingan-pertandingan antarabangsa; pasukan PDRM ~ 11 pingat emas;*

rangkulan pelukan: *ia meraih anak itu ke dlm ~nya;*

seperangkul sepemeluk.

rangkum I; serangkum sebanyak yg terbawa (terangkat) dlm pelukan:

~ *kain kotor*;

merangkum 1. membawa (mengangkat) dlm pelukan tangan: *longgokan kain kotor itu dirangkumnya lalu dibawa ke pembasuhan*; **2.** memeluk: *kedua-dua belah tangannya ~ gadis itu*; **3.** ki mengambil (memiliki, menguasai) hak orang dll, membolot: *Sofia ~ wang itu kesemuanya*; **4.** = **merangkumi** melingkupi, melingkungi, mencakupi, mencangkum: *sistem insurans kebangsaan amnya ~ semua orang antara umur bersekolah dan umur bersara*; *siaran berita harus ~ peristiwa-peristiwa penting di dunia*;

merangkumkan 1. merangkum sesuatu utk (dengan); **2.** memasukkan ke dlm (lingkungan) bersama-sama, mengumpulkan menjadi satu: *sembahyang lima waktu boleh dirangkumkan atau dipendekkan ketika dlm pelayaran*; **3.** meringkaskan, mengikhtisarkan;

terangkum termasuk dlm lingkungan sesuatu, tercakup: ~ *dlm konsep mendengar ialah beberapa aspek lain lagi, antaranya menangkap sesuatu yg didengar*;

rangkuman 1. ki pelukan, lingkungan: *menyatukan manusia dlm suatu ~ kehidupan cinta kasih dan saling mengerti*; **2.** ringkasan, ikhtisar (dr huraian dll);

perangkuman perbuatan merangkumkan sesuatu.

rangkum II sj alat utk menyepit dan mencabut (paku dll), kakaktua;

merangkum 1. menyepit dan mencabut (paku dll): ~ *paku*; **2.** ki menyepit, menjepit: *tangannya ~ gelas*.

rangkum ark; **menyerangkumkan** mengumpulkan (menghimpunkan) menjadi satu: *pantun-pantun dlm sejarah Melayu telah diserangkumkan dlm sebuah daftar*; → **rangkum I**.

rangkung I; merangkung bercanggung, berjangkuh, bertinggung, mencangkung; → □ **ranggung I**.

rangkung II; rangkungan kerongkongan.

rangkup I lubang (antara dua tapak tangan yg dikatupkan dll);

merangkup merupakan lekuk (spt dua tapak tangan apabila meraup beras dll).

rangkup II; merangkup 1. merangkum, memeluk; **2.** menudungi, menutupi, melingkupi: *malam ~ sekitar lorong belakang*;

terangkup dapat dirangkup, dapat dilingkungi: *malangnya pandangan tersebut adalah hasil drpd pendapat yg ~ di bawah tempurung sahaja*;

rangkupan rangkuman, cakupan, lingkungan: *mereka menumpukan perhatian pd penyelesaian masalah dlm ~ paradigma tertentu*

rango-rango sj tumbuhan (pokok yg selalu bengkok), *Voacanga foetida*.

rangrang I Jw kerengga.

rangrang II sj tumbuhan (herba), kacang kayu (riang-riang), *Crotalaria atriata*.

rangrangan buram surat, draf, rancangan.

rangsa Kd angsa.

rangsang I 1. amat kuat menimbulkan rasa pencium (bau); **2.** amat kuat menimbulkan perasaan (marah, gembira, dll): *saya sendiri harus mengakui bahawa kadang-kadang terbit ~ saya membaca pemandangan-pemandangannya ...*; **3.** minuman dll yg menimbulkan kegembiraan (keseronokan, keberanian, dll); **4.** (Bio) = **perangsang**: *saraf itu mengalirkan ~ dr alat perasa masuk ke otak*;

berangsang marah;

merangsang **1.** menyebabkan berasa rangsang: *di dapur bau daging ~ hidungnya*; **2.** membangkitkan sesuatu perasaan (spt kehairahan, keberanian, kemarahan, dll), menimbulkan sesuatu perkembangan dll: *kami diberi minuman utk ~ diri; larangan drpd mengadakan pembicaraan terbuka takut akan ~ rakyat utk bangkit memberontak; cerpen-cerpen beragam macam dgn hiasan ilustrasi yg cukup ~ selera; promosi yg ~ minat pengguna*; **3.** = ~ hati panas hati, marah: *Sutan Ameh ~; ~ hatinya melihat tingkah lakunya itu*;

terangsang tertarik hati atau timbul minat (keinginan, semangat dsb) terhadap sesuatu atau seseorang kerana didorong oleh sesuatu faktor, ciri, keistimewaan dsb, bersemangat: *dia kelihatan ~ dan ingin membacanya selepas itu; sememangnya remaja mudah ~ dan terpengaruh oleh paparan spt itu*;

rangsangan sesuatu yg merangsang, faktor (sumber dsb) yg menimbulkan sesuatu perasaan atau reaksi: *Skinner juga berpegang pd teori behaviorisme, iaitu pembelajaran berlaku kalau ada ~ dan gerak balas*;

perangsangan perihal merangsang;

perangsang **1.** sesuatu yg digunakan utk menimbulkan rangsang (perasaan marah, gembira, dll); *memberi ~ memberi galakan; ubat ~ ubat yg membangkitkan rangsang*; **2.** kegusaran, kemarahan: *~ hasratnya begitu besar sehingga seluruh sarafnya menjadi gempar; naik ~ menjadi marah (gusar)*; □ **berangsang**; **serangsang**.

rangsang II Jw; **merangsang** **1.** menyerang, menyerbu: *Peringgi banyak mati ~ ke laut, dibunuh orang Melayu; ~ musuh*; **2.** membantah perkataan (pendapat dll), menyanggah: *kalau disuruh ia ~*;

perangsang pasukan yg menyerang, penggempur, penyerbu.

rangsang III Mn 1. ranting kering (mati) yg telah gugur; **2.** ranting-ranting kayu berduri yg dipasang pd batang kayu (supaya tidak dapat dipanjat orang).

rangsuk Jk rasuk.

rangsum catuan (makanan dll), pelabur: *biarlah kau makan ~ penjara*;

merangsum memberi makan (kpd askar, orang tahanan, dll), mencatu.

rangu; *cendawan ~ sj kulat (yg boleh dimakan), cendawan tekukur, kulat sisir, Schizophyllum spp.*

rangum ark; **merangum** menyentak (merebut, menarik) dgn paksa, merenggut.

rangup 1. mudah pecah atau patah, rapuh: *dinding zink minyak tar itu akan ~ dilanyak traktor*; **2.** pecahan: *~~~ tulang pecahan tulang*;

merangupkan menjadikan rangup (mudah pecah atau patah);

kerangupan perihal (keadaan dsb) rangup: *biskut yg dibakar sempurna utk ~ sejati.*

rani I raja perempuan, permaisuri, ratu.

rani II → □ **ghani.**

rani III ark (tinggi rendah) nada suara, laras, lagu: *~ gambus.*

ranjah Jk; **meranjah** merompak.

ranjang sj tempat tidur (drpd besi dsb), katil: *berbaring di atas ~; ~ spring* ranjang besi yg memakai spring.

ranjau 1. benda tajam (drpd besi, buluh, dll) yg dipasang di tanah dll utk melukai orang: *jalan yg akan ditempuhinya itu penuh dgn duri dan ~*; **2.** sj alat letupan (peledak) yg ditanam di darat (dipasang di laut): *~ darat; ~ laut; banyak kapal yg tenggelam kerana melanggar ~ laut; kapal penyapu ~ kapal yg mengesan dan memusnahkan ranjau laut*; **3.** ki sesuatu yg dibuat utk mencelakakan orang, tipu daya; *~ lapuk* tipu muslihat yg

tersembunyi; **4.** ki = ~ *hidup* kesukaran (percubaan dll) yg harus ditempuh oleh seseorang dlm hidupnya: *Hendon lebih lama berumah tangga, lebih lama kenal dunia, lebih lama tahu ~ dan jurang hidup;*

~ *cacak* ranjau yg dipasang tegak; ~ *pers* Id undang-undang yg menyekat kebebasan akhbar;

duduk meraut ~, berdiri melihat musuh = duduk meraut ~, tegak meninjau jarak prb sentiasa berusaha (berwaspada dll);

meranjau **1.** memasang ranjau: ~ *jalan*; **2.** melukai (kaki dll): *anak duri ~ tapak.*

ranjing; keranjingan **1.** kemasukan hantu; **2.** ki berkemahuan (bercita-cita) keras.

ranju Jk ranjau.

ranjungan → **rajungan.**

ranking bp kedudukan atau tempat (individu atau pasukan) dlm senarai pemain (pasukan dsb) berdasarkan skala pencapaian dlm sesuatu bidang sukan: *lebih banyak pingat emas lebih tinggi kedudukan kita dlm ~ negara yg terbabit; pasukan itu masih menduduki ~ kedua dlm liga bola sepak.*

ransel IB sj beg besar yg digalas di belakang.

rantai **1.** sj tali drpd cincin-cincin logam yg berkaitan: ~ *emas*; ~ *leher*; ~ *basikal* rantai yg menghubungkan pendayung basikal dgn roda belakang (utk menjalankannya); *orang ~ orang hukuman* yg dikenakan rantai; **2.** = **rantaian** untaian, deretan, rangkaian, rentetan, deretan memanjang, leretan: *konfrontasi, putusnya hubungan diplomatik dgn Filipina, Indonesia, dll merupakan ~ drpd beberapa peristiwa penting dlm sejarah Malaysia*; **3.** ikatan, kaitan, pertalian: ~ *kasih dan tulus mesra*; **4.** ki sesuatu yg mengikat (tidak bebas): *dgn pinjaman yg murah bunganya dan*

lanjut masa pembayarannya, terselamatlah penduduk-penduduk luar bandar drpd ~ orang tengah; 5. ukuran panjang yg panjangnya 22 ela atau 20.117 meter: rumahnya terletak kira-kira empat ~ dr situ; ~ kangkang rantai yg dikenakan pd kaki orang salah, belenggu;

berantai 1. memakai rantai: *masakan orang laki-laki ~ leher; maka ditambah seekor anjing, diberinya ~ emas; 2. = berantai-rantai* berangkai-rangkai (berangkaian), berturut-turut, bersambung-sambung: *peristiwa sejarah yg ~ ini diikuti pula oleh peristiwa perang Naning; lari ~ lari berganti-ganti (bersambung-sambung); reaksi ~ reaksi yg berangkai-rangkai (bersambung-sambung);*

merantai 1. mengikat dgn rantai, membelenggu: *panglima Hitam dirantai lalu ditolak tersungkur ke lantai; 2. ki menghambat, menyekat: kau sudah tidak rindu akan kampungmu sebab hatimu telah dirantai kota;*

rantaian untaian, rangkaian, rentetan, runtunan; *orang ~ orang rantai;*

perantaian orang hukuman yg dirantai, orang rantai.

rantaka → □ **rentaka**.

rantam; berantam bersama-sama (beramai-ramai) membuat sesuatu pekerjaan (membeli barang bersama-sama, membahagi-bahagikan, dll).

rantang 1. sj bakul bertutup (tempat makanan dll); **2.** mangkuk tingkat (utk membawa makanan), siya, mangkuk tepen: *sebuah ~ berisi makanan.*

rantas Jw putus sama sekali;

merantas menebas, memotong, mengerat (rumput dll): *rumput dirantas dgn tajak; ~ angin menetak angin (mencuba parang dll*

dgn menghayun-hayunkannya); ~ *permatang* menebas rumput di permatang.

rantau I 1. = **rantauan** pantai sejauh teluk (sungai), pesisir: *berkelana sepanjang ~; anak (orang) ~* a) orang pesisir; b) orang dagang, orang asing; *ceruk ~* segala pelosok (daerah); *teluk ~ = teluk dan ~ = daerah ~* daerah dan takluknya; **2.** daerah (negeri) di luar daerah (negeri) sendiri, negeri asing, negeri tempat mencari penghidupan: *ia telah meninggalkan kampung halaman dan membawa hidup di ~ orang dgn berserah kpd suratan takdir; siapa gerangan yg pulang dr ~?; tanah ~* negeri lain (asing); **3.** daerah, kawasan (yg luas): *penambahan tentera negeri itu boleh membahayakan keamanan di ~ ini; yg ia tahu ia masih dlm lingkungan bandar London, tetapi di mana ~ nya dan apa nama tempatnya, tidak ia ketahui;*

~ jauh diulangi, ~ dekat dikendalai prb harta benda (jauh mahupun dekat) hendaklah dijaga supaya terselamat; *~ jauh tidak terulangi, ~ dekat tidak terkendalai* prb perihal seseorang yg sangat tua yg tidak terturutkan lagi oleh sanak saudaranya; *segan bergalah hanyut se~* prb kalau malas berusaha bencanalah akibatnya; *teluknya dalam, ~nya sakti* prb sukar dialahkan;

serantau dlm satu rantau (melewati beberapa buah negara pesisir pantai yg berhampiran dgn sesebuah negara spt Malaysia dgn negara-negara di Asia Tenggara): *kerjasama ekonomi ~;*

k eserantauan perihal berada dlm keadaan serantau: *semangat ~;*

merantau 1. berjalan, belayar, atau mengembara (mencari penghidupan dll) di sejauh rantau (dr sungai ke sungai dll): *esok subuh-subuh aku ~ lagi;* **2.** pergi ke negeri lain (kerana mencari penghidupan): *sejak aku ~ di negeri orang, sejak itu aku tidak*

*bertemu dengannya; ~ di hujung bendul = ~ di sudut dapur prb
pergi mencari penghidupan ke negeri yg tidak berapa jauh;*

perantauan 1. negeri lain tempat mencari penghidupan, daerah (negeri) yg didiami oleh orang luar (orang yg datang dr negeri lain): *kalau layu selasih di kanan, alamatnya aku sakit di ~; orang ~ a) orang yg mencari penghidupan ke negeri lain, orang asing (luar); b) pengembara, kelana; 2.* perjalanan: *moga-moga engkau akan selamat dlm ~mu; ia berpesan juga supaya anak muda itu memberi khabar dlm ~nya;*

perantau 1. orang asing, pengembara, kelana; **2.** orang yg pergi ke negeri lain, orang yg mencari penghidupan di negeri lain (negeri orang): *kira-kira tujuh puluh tahun yg lalu, tibalah di negeri ini sekumpulan orang ~ dr Minangkabau.*

rantau II Br sj pukot (pukat hanyut).

ranti sj tumbuhan (herba yg buahnya spt buah tomato kecil-kecil), kelampung puyuh, terung meranti, terung perat, *Solanum nigrum*.

ranting 1. bahagian cabang yg kecil-kecil, cabang drpd cabang: *dibukanya baju, disangkutnya pd ~ kayu mati; 2.* cawangan, anak cabang (pertubuhan, perkumpulan, dll); *~ Bank Rakyat cawangan Bank Rakyat; Partai Rakyat R~ Johor Baharu; 3.* bukan utama (tidak penting): *perkara-perkara ~ dlm agama Islam;*

di mana ~ dipatahkan, di situ air disauk prb seseorang itu harus menurut adat resam negeri yg didiaminya; ingat ~ yg akan melenting, dahan yg akan mencucuk, duri yg akan mengait prb dlm sebarang pekerjaan hendaklah selalu ingat kalau-kalau ada bahaya atau kesusahan;

beranting ada rantingnya: *pokok itu mulai bercabang dan ~ ; lari ~ lari berangkai;*

meranting **1.** spt ranting, tegak menganjur ke atas: *kakinya naik ~ ke atas*; **2.** kering, meranggas (tidak berdaun lagi): *pohon-pohon mulai ~; kurus ~ kurus kering*; **3.** memangkas (menggunting atau memotong hujung) ranting tanam-tanaman: *~ pokok pagar*; **4.** menjadi cabang yg kecil-kecil: *kritikan yg berpusat pd teks ini ~ dan membesar menjadi pohon rimbun strukturalisme*.

rantuk; merantuk melanggar, membentur, menumbuk;

merantukkan melanggarkan, membenturkan, menumbukkan; →
hantuk.

rantus I ark putus sama sekali, rantas.

rantus II Mn ketularan, kejangkitan (penyakit).

ranum 1. cukup masak (bkn buah-buahan): *rambutan yg ~*; **2.** ki segar dan menarik (nampaknya): *kekasihnya yg bertubuh mongel ~*;

meranum menjadi ranum;

meranumkan menjadikan ranum: *karbaid digunakan utk ~ pisang*;

keranuman perihal atau keadaan ranum: *~ mangga itu menyebabkan perahan jusnya tidak perlu ditambahi gula*;

peranuman proses meranum atau meranumkan: *betik mesti dipetik pd peringkat yg sesuai utk mengelakkan terjadinya ~ yg tidak sempurna*.

ranya Kl; **meranya 1.** menggagau benda (ikan dll) dlm air: *gunakan senduk, jangan ~, nanti basi pula gulai itu*; **2.** mencuci (membersihkan) telaga dll (dgn membuang lumpur dll): *air telaga itu keruh, mesti diranya dulu*; **3.** mengambil semua sekali (pencuri dll), menyapu bersih: *pencuri ~ habis barang-barang dlm almari itu*.

ranyah I ark; **meranyah** mendahului makan (memakai, mengambil, dll).

ranyah II Mn gelisah;

meranyah gelisah, selalu menangis (anak kecil), selalu merengek.
ranyang Mn selalu bergerak-gerak (tidak dapat diam), lincah, tidak tetap hati.

ranyau I ark **meranyau** mengigau, meracau.

ranyau II → **ranya**.

ranyuk radang: *pintu itu dibuka oleh Saniah dgn kuat dan ~;*

meranyuk meradang.

rap I bunyi spt bunyi dua kayu bergesel (tembakau dihiris dll).

rap II; *sama ~ sama padan: dua salur yg sama ~, satu menyelaputi akar biji dan yg satu lagi menyelaputi batang biji.*

rap III Kd **1.** sudah boleh dikerjakan atau disiapkan utk ditanami (tanah sawah); **2.** cekap, cekatan (manusia dan binatang): *~ sungguh budak ini, ke dapur dan ke majlis boleh diharap.*

rap IV; *sekali ~ sekali gus: sekali ~ setengah gelas.*

RAP Id kep Republik Arab Persatuan; → **RAB**.

rapah; **merapah 1.** berjalan atau berlari memijak-mijak (tanaman dll): *mereka mara ke hadapan ~ lalang; pokok padi habis dirapah*; **2.** ark pergi ke mana-mana, menjelajah, mengembara: *beberapa bulan lamanya sudah ia ~*; **3.** ark membuang (mencabut) rumput, menyang, merumput (sawah dll): *rumput di sawah sudah selesai dirapah.*

rapai ark; **merapai** menghulurkan tangan kerana hendak mencapai (mencari pegangan dll), mencapai, menggapai: *anak montel yg merapai-rapai tangannya hendak memegang pipi ayahnya*; → **gerapai**.

rapak Kd, Kl, Ph, Pn; **merapak** berbunyi riuh-rendah, rancak (rebana dll), berbunyi kuat (pokok tumbang dll).

rapana, **rampana** Br rebana.

rapang sj ikan laut, *Mungil bleekeri*.

rapat I 1. hampir bertemu, hampir tidak bercelah: *duduk ~ dlm masjid; kampung yg rumah-rumahnya ~ sekali; padi yg ditanam ~ tidak dapat beranak banyak; 2.* tidak renggang, kerap (anyaman, pertukangan, tanaman, dll), padat (penduduk); **3.** penuh sesak, padat (penduduk): *kawasan yg ~ penduduknya; 4.* tertutup dgn tidak bercelah-celah (beruang), terkepung (hingga tidak dapat ditembusi lagi): *tabung itu ditutup ~; kawasan itu telah terkepung ~; pinggang gadis itu dirangkulnya sehingga ~; 5.* dekat sangat (dgn), berhampiran sungguh (dgn): *hatta sampailah ke negeri lalu ~ ke jambatan; 6.* erat, karib, kuat, teguh (persahabatan, pertalian, dll): *perhubungan antara Malaysia dgn kedua-dua negara jirannya sangat ~; ada kerjasama yg ~ antara pengarang-pengarang Melayu dgn ahli-ahli sains Melayu;*

rapat-rapat dgn seberapa rapat yg boleh, dgn betul-betul rapat: *tutup pintu itu ~; jemaah diminta meluruskan saf dan berdiri ~;*

berapat 1. = **berapatan** menjadi rapat (dekat), saling rapat (dekat): *lalu berperang berbedil-bedil senapang dan pemburas sebelah-menyebelah ... maka, apabila ~ lalulah beramuk; maka berperanglah antara kedua-dua pihak, berapatan; 2.* berkawan, bersahabat: *Wan Umar cuba hendak ~ dgn Kompeni Inggeris; 3.* bersama-sama, bersekali: *orang-orang dlm negeri itu telah berselisih, maka sebab itulah kedua-dua masjid itu membaca khutbah, tetapi kemudian ~ zuhur;*

merapat 1. menjadi rapat, mendekat; *dia melangkah surut dan seorang lagi datang ~; 2.* menutup (mata): *lari ~ tiada memandang ke belakang lagi; 3.* berlabuh atau berhenti dekat dgn (pangkalan dll): *kapal pun ~, tangga pun diturunkan orang, penumpang telah siap dgn barang-barangnya; ~ sambil belayar prb sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai;*

merapati 1. menghampiri, mendekati: *ia berjalan perlahan-lahan dan berhati-hati ~ rumah itu*; **2.** datang (utk memperbaiki hubungan persahabatan dll), selalu mengunjungi (mendatangi): *dia mesti ~ setiap orang kampung ini jikalau dia ingin mendapat kerjasama drpd mereka*;

merapatkan 1. menjadikan rapat, mendekatkan (pd sesuatu): *muka dirapatkan pd cermin*; ~

kapal ke pangkalan melabuhkan kapal dekat pangkalan; **2.** menjadikan rapat (tidak renggang), mengeratkan, menutup rapat-rapat; **3.** memperkukuh (persahabatan dll), mengeratkan (perhubungan): *tentu ada sesuatu yg ~ mereka berdua*; ~ diri dgn menggabungkan diri dgn; ~ tali silaturrahim mengukuhkan tali persahabatan;

memperapat menjadikan lebih atau makin rapat, merapatkan lagi; ~ *sila* bersila baik-baik;

rapatan sesuatu yg menyebabkan rapat (sambungan dll), sesuatu yg dirapatkan: *drpd pandainya utus berbuat itu, tiadalah kelihatan ~nya lagi*;

kerapatan perihal atau keadaan rapat: *pelabur Britain akan menjadikan Malaysia sbg pusat pelaburan yg paling menarik memandangkan ~ hubungan sejarah antara kedua-dua negara*;

perapatan Br (bahagian tepi sampan dll) yg hampir bertemu: ~ *perahu itu berlubang-lubang menyebabkan air masuk sedikit ke dalamnya*.

rapat II = kerapatan perkumpulan, perhimpunan (utk membicarakan sesuatu), majlis, mesyuarat, sidang: ~ *selesai lebih cepat drpd yg diduga*;

~ *anggota* Id sidang yg dihadiri oleh ahli-ahli perkumpulan; ~ *besar* Id perhimpunan agung; ~ *kilat* sidang yg diadakan dgn tiba-

tiba (mendadak) sahaja, sidang tergepar; ~ *lengkap (pleno)* Id sidang yg dihadiri oleh segenap bahagian dll, sidang pleno; ~ *raksasa (samudera)* rapat besar utk orang ramai (biasanya diadakan di padang atau lapangan yg luas); ~ *terbuka* rapat yg boleh dikunjungi oleh sesiapa sahaja (bukan utk ahli semata-mata); ~ *tertutup* rapat yg hanya utk para anggota; ~ *umum* rapat utk semua orang;

berapat berhimpunan (dlm sidang), mengadakan rapat, bermesyuarat, bersidang;

merapatkan 1. menjemput berapat (bersidang): *banyak ahli yg meminta supaya jawatankuasa segera dirapatkan;* **2.** mengemukakan sesuatu dlm sidang, membincangkan sesuatu dlm sidang: *soal ini dapat saya putuskan sendiri, tidak perlu dirapatkan.*

rapat III; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok yg kayunya boleh dibuat rumah), rengas, kayu paruh-paruh, *Melanochyla angustifolia*; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok menjalar yg kulitnya dibuat ubat), akar serapat putih, akar gerip putih, *Parameria bata*.

rapel (rapél) IB 1. bayaran (wang) kebelakangan, tunggakan: *ia telah menerima sebahagian wang ~ kenaikan pangkatnya;* **2.** kenaikan pangkat atau gaji yg dinanti masa pelaksanaannya kerana sesuatu sebab (spt terlupa dll): *dua kali ~ pangkat dan dua kali kenaikan gaji.*

rapet Kl → □rapik II.

rapi 1. bersih dan elok, apas, apik: *wajahnya ~ dan manis; seorang lelaki berpakaian ~ turun;* **2.** teratur baik, tertib: *buku-buku tersusun ~ dlm almari; semua pegawai bekerjasama dgn ~;* **3.** serba beres, serba selesai, habis: *semua kerja diselenggarakan dgn ~ dan memuaskan;* **4.** siap sedia, ketat, siaga: *kawasan itu dikawal*

dgn ~; **5.** kemas, kukuh, teguh: *pintu bertutup dan berkunci ~; perpaduan yg teguh dan ~*; **6.** cermat, saksama, teliti: *buku-buku resit dikawal dgn ~ utk mencegah drpd digunakan oleh orang yg tidak bertanggungjawab; ubat ini dibuat dgn cukup ~ dan cermat; suatu penyelidikan yg ~ harus dijalankan;*

merapi menjadikan (rambut, kulit, dll) sihat dgn menggunakan perapi: *ia bukan sahaja ~ kulit tetapi menjadikannya kelihatan segar dan bermaya;*

merapikan menjadikan rapi, membereskan, mengemaskan, menyelesaikan, menyempurnakan: *dirapikannya pakaian suaminya; ia membantu isterinya ~ dapur; Aristotles yg ~ kaedah-kaedah sains;*

kerapian perihal rapi: *sajak itu dimaksudkan sbg anasir yg menambah ~ bentuk dan mempertinggi tingkatan muzik bahasa; disusun bantal-bantal itu dgn penuh ~;*

perapian proses merapikan sesuatu: *dgn kesan ~, Kao Merit baru meninggalkan suatu sensasi yg menyegarkan;*

perapi cecair pekat yg dibubuh pd rambut selepas dicuci utk menjadikannya lebih lembut.

rapih I → □ **rapi**.

rapih II Pr; **merapih** mencabut (membuang) anak-anak padi yg mati (selepas ditanam): *sambil ~ sambil menyulam.*

rapik I; merapik berkata yg bukan-bukan, beromong, mengobrol, merapik: *sudalah, jangan ~ lagi.*

rapik II rapat, dekat, bersahabat (berkawan) benar-benar: *di maktab dulu dia terlalu ~ dgn Hamsiah;*

berapik selalu rapat (dekat), berkawan: *dihiburkan hatinya dgn ~ dgn kawan-kawannya.*

rapit → □ **rapik II**.

rapor, rapot IB **1.** laporan (rasmi): *sekarang aku harus membuat ~ perjalanan*; **2.** = *buku* ~ buku yg berisi keterangan (markah dll) mengenai murid sekolah, buku laporan;

meraporkan melaporkan, memberitahukan;

raporan laporan; **rapot I**; → **lapor**.

rapsodi 1. pengungkapan perasaan gembira dgn berlebih-lebihan dlm pertuturan atau penulisan; **2.** karya sastra yg ditulis dgn gaya yg sangat gembira atau penuh perasaan; **3.** gubahan (muzik) yg bebas dan tidak sekata bentuknya.

raptai persembahan percubaan atau latihan besar-besaran sebelum persembahan atau pertunjukan sebenar.

rapu ark; **merapu 1.** memunguti (barang-barang yg terbuang atau tidak berguna), meminta sedekah; **2.** Pr mengambil semuanya, memenangi semuanya (dlm permainan), menyapu; **3.** melakukan sesuatu (berkata-kata, berkelakuan, dll) dgn tidak menentu, merapik: *jangan ~ sangat, cakap betul sedikit*.

rapuh 1. mudah patah (cabik, pecah, putus, robek, sobek): *keropok yg ~; daun-daun musim buah yg telah ~ dan reput*; **2.** ki tidak teguh, tidak kuat, lemah: *tubuh yg kecil ~; betapa lemahnya dan betapa ~nya jiwa pemuda-pemuda kita apabila berdepan dgn pengaruh dr luar; pertelingkahan tentang beberapa isu membayangkan betapa ~nya hubungan yg terjalin antara kita; hidupnya (nyawanya) ~ lekas mati*;

~ *hati* a) lemah hati (semangat), lunak; b) mudah tersinggung perasaannya; ~ *iman* tidak kuat (teguh) iman; ~ *jiwa (semangat)* lemah jiwa (semangat); ~ *mulut* tidak dapat menyimpan rahsia, suka sangat bercakap;

merapuhkan menjadikan (menyebabkan) rapuh;

kerapuhan 1. perihal rapuh; **2.** kelemahan (hati dll);

perapuh 1. sesuatu yg merapuhkan; *ilmu ~ jampi* (mantera) utk melembutkan musuh (senjata dll); **2.** (orang yg) mudah rapuh (hati dll): *peguam muda yg ~ hati*.

rapun I Mn hancur, pecah, remuk;

merapunkan menghancurkan, memecahkan, meremukkan: *menolak serangan musuh dan ~ seteru yg durjana*.

rapun II Kd, Pn kelim yg berkerut, ropol;

berapun 1. ada rapunnya; **2.** Pn, ki tua: *dia dah ~*.

rapung; merapung mengapung (di air);

merapungkan mengapungkan; → **apung**.

rapus I; merapus mengikat keempat-empat kaki binatang (yg akan disembelih): *Pak Pandir pun ~ kerbau itu lalu disembelihnya*.

rapus II; merapus merajuk.

Raqib malaikat yg menulis segala kebaikan seseorang.

rar Kl kutu, arisan, senoman.

rarai ark; **merarai** melarai, melerai.

rarak; berarakan berantakan; → □ **lerak I, rerak**.

raras Mn gugur, luruh;

merarasi gugur (luruh) daun semuanya (pohon); **laras V**.

ras I bunyi spt bunyi daun kering yg digosokkan dll.

ras II; tali ~ tali kekang.

ras III kaum, keturunan.

rasa 1. perihal sesuatu yg dikecap oleh lidah, keadaan yg dialami oleh bahagian tubuh (kulit dll apabila kena sesuatu): ~ *manis* (*tawar, masam, masin, dll*); ~ *pedih* (*sakit, ngilu, dll*); ~ *badanku spt dibakar dgn api*; **2.** tabiat sesuatu benda yg menimbulkan rasa: *gula manis ~nya*; **3.** = ~ *hati* keadaan hati terhadap sesuatu: ~ *sedih* (*kecewa, pilu, senang, dll*); ~ *hormat* (*cinta, sayang, takut, dll*); *mengikut ~, binasa*; **4.** anggapan tentang baik buruk (salah

benar dll), pendapat, pikiran: ~ *adil dan saksama*; *pd* ~ *saya* *pd* pendapat saya; **5.** = **rasa-rasa, rasanya, rasa-rasanya** agaknya, barangkali, gerangan, kalau-kalau, kira-kira, rupa-rupanya: *rasanya sedikit benar orang yg mengetahuinya*; **6.** = **rasanya, serasa, rasa-rasa, serasa-rasa, rasakan** sama rasanya dgn, seakan-akan, seolah-olah, selaku: *dia sendiri serasa mengalami semula pengalaman Hilmy di sekolahnya*; *biadab di hadapan Bendahara itu rasa-rasa di hadapan kita*; *Amran rasa-rasa mendidih darahnya mendengar ucapan itu*; *rasakan lebih enak drpd rokok kita pasak kampung*; *serasa bayang hilang semangat*; **7.** = **rasa-rasa** ada ingatan, ada terlintas di hati (bagi menyatakan bimbang, ragu-ragu): ~ *hendak dipukulnya pencuri itu habis-habisan*; **8.** memikir, mengagak, menganggap: *saya ~ dia belum pulang lagi*; *dia ~ tidak ada gunanya mengamuk*;

~ *akan* rasakan, bagaikan, seolah-olah oleh; *turutkan ~ binasa, turutkan hati mati* prb perihal orang yg menurutkan kemahuan hawa nafsunya, akhirnya binasa juga; *yg dimakan ~, yg dilihat rupa, yg didengar bunyi* prb melihat sesuatu menurut keadaannya yg terbukti dan sudah dipersaksikan;

berasa **1.** mendapat rasa (yg dialami oleh bahagian-bahagian badan): *kakinya ~ sengal*; *seluruh badannya ~ sakit*; **2.** mempunyai rasa (manis, masam, pahit, dll): *kerana banyak sangat garam, masakan itu ~ sangat masin*; *air ialah suatu cecair yg tidak berwarna, ~, atau berbau*; **3.** mengalami rasa di dlm hati (batin): *orang Melayu lekas ~ tersinggung*; ~ *suka*; ~ *takut*; **4.** = **dirasa, dirasai, terasa**: *rumahku ini tiada ~ rumahku lagi*; *maka ~ kpd dadanya spt kena panah*;

~ *berat* berasa tidak sanggup, berasa di luar kekuasaan (kesanggupan); ~ *hati* a) ingin akan sesuatu, tertarik kpd; b) berasa kecewa, tidak senang hati, agak marah; c) tersinggung;

merasa **1.** mengalami rasa dgn lidah: *air itu dirasanya masin*; **2.** mengalami rasa (sakit dll) pd tubuh: *setelah Raja Zainal ~ luka, maka baginda pun meraba keris; nanti setelah lepas Pulau Penuba, sebelah petang, kita akan ~ angin Laut China*; **3.** = **merasa-rasa** mencuba dgn lidah utk mengetahui manis masam (pahit tidaknya dll): *ia ~ gula itu; dua tiga orang sudah pun sampai dan ~ air kopi itu*; **4.** = **merasa-rasa** meraba-raba (menjamah dll) utk mengetahui kasar halusnya (berat tidaknya dll): *licin tidaknya dapat dirasa sendiri dgn tangan*;

merasai **1.** mengecap (makanan, minuman, dll), mencicip: *alangkah puas hatinya ~ makanan masakan ibunya; rasai dulu kopi itu sebelum dihidangkan*; **2.** menikmati (kesenangan, kemewahan, kebahagiaan, dll): *kesenangan dan kemewahan hidup yg dirasainya itu ialah drpd harta isterinya; belum pernah ia ~ hidup senang spt orang-orang lain*; **3.** menderita (kesusahan, sengsara, dll): *barulah hamba ~ sengsara hidup di dlm penjara; mereka akan ~ duka nestapa yg tidak terkira-kira lagi; rasai olehmu balasan kekasaran tingkahmu*; **4.** = **merasa-rasai** meraba-rabai (menjamah-jamah) hendak mengetahui dgn tangan dll: *rasa-rasai dahulu dgn kakimu sama ada dalam atau tidak sungai itu*; **5.** ki menduga (mengajuk, mengkaji, meninjau, dll) hati orang dll: *drpd air mukanya, kita dapat ~ apa yg terkandung dlm hati perutnya; syor-syornya itu harus dirasa-rasai dulu sebelum dibuat keputusan*; **6.** mengalami rasa dlm hati (batin): *dirasainya cintanya pd wanita itu kian lumpuh*; **7.** sl menyedari, menginsafi:

duduk di Mesir kira-kira tiga bulan lamanya itu pun tiada dirasai oleh Laksamana;

merasakan 1. = **memperasakan** membiarkan (menjadikan, menyuruh) berasa atau merasai: *ia mencuba sungguh-sungguh utk ~ fahamnya kpd seluruh pendengarnya;* **2.** merasai, menginsafi, memikirkan, mengendahkan: *beliau masih dirasakan penting utk memimpin Jabatan itu; utk memberikan nilai kpd sesuatu keindahan, seseorang mestilah faham dan dapat ~ keindahan itu; dan dirasakannya sekali bahawa tugasnya utk menjaga dirinya sudah semakin bertambah;* **3.** merasai, menderita: *saya rasakan benar-benar kemesraan perhubungan kami; air matanya berderai menahan pedih yg dirasakannya;*

terasa dapat dirasa(i), sudah dirasa(i), merasa (berasa) dgn tiba-tiba: *penat membawa barang-barang itu semakin ~; ~ sekarang belanja kita berlebihan drpd biasa; akhirnya ~ senang juga hatinya;*

terasakan terasa akan: *dia ~ sesuatu yg memilukan hatinya;*

kerasaan mendapat rasa, dapat dirasa;

perasaan 1. perihal merasa(i) dgn badan atau kulit dll, hasil atau perbuatan merasa dgn badan atau kulit dll: *makanan yg lama tinggal dlm perut boleh menyebabkan sakit dan lain-lain ~ yg tidak menyenangkan;* **2.** perihal merasa(i) dlm hati atau batin, hasil atau perbuatan merasa dlm hati atau batin, sentimen: *seorang gadis yg sangat halus ~nya; ~ kurang senang; tunjuk ~* perbuatan menyatakan bantahan beramai-ramai, demonstrasi; **3.** kemampuan (kecekapan, kekuatan) utk merasa(i): *seekor tikus menangkap mangsanya dgn ~; tajamkanlah ~, pelihatan, dan fikiran tatkala menghadapi musuh;* **4.** fikiran, pendapat, pertimbangan:

bagaimana ~ tuan berkenaan dgn masalah ini?; ~ perkauman sentimen yg berdasarkan kaum;

berperasaan 1. ada atau mempunyai perasaan: *orang yg tidak ~; mereka ~ mulia dan tinggi budi; 2.* penuh dgn perasaan: *pelukannya menjadi semakin kuat dan ~;*

perasa 1. = *alat ~ alat atau bahagian badan utk merasa(i); organ ~ lidah dll; 2.* mudah (berasa): *ia seorang tua ~ yg sering mengeluarkan air mata apabila berhadapan dgn anak-anak yatim; ~ angin lekas tersinggung; 3.* benda yg memberi rasa (pd masakan dll); *serbuk ~ serbuk yg dipakai utk menyedapkan rasa masakan;*

berperasa mempunyai perasa (bkn makanan): *biskut krim ~ buah-buahan.*

rasai Mn; **merasai, merasaikan** selalu menderita (kesusahan dll), mengalami kesedihan: *~ kesengsaraan hidup;*

perasaan perihal merasai(kan), penanggungan (kesedihan, kesusahan, dll): *ia sudah dihanyutkan untung ~.*

rasak Kd; **merasak** sesak; *penuh ~ penuh sesak; asak, sesak.*

rasam I sup berperisa kari yg berasal drpd Inggeris-India (dibuat dgn air rebusan daging).

rasam II adat, aturan, kebiasaan, sifat; *~ minyak ke minyak, ~ air ke air* prb setiap orang mencari (pulang kpd) golongannya sendiri; *tidak se~ (dgn) tidak sesuai (dgn).*

rasamala → **raksamala.**

rasan I → **rasam II.**

rasan II ark; **berasan** bermesyuarat (dgn sulit atau antara dua orang sahaja);

perasanan permesyuaratan, perundingan.

rasan III → **resan.**

rasan IV Mn basi: *nasi sudah* ~.

rasau = **rasau-rasau** sj tumbuhan (pokok yg bunganya harum), selensing, *Pandanus helicopus*.

rasdung → **resdung**.

rased (rasé) Jw musang bulan.

rasi **1.** sekumpulan bintang dlm zodiak (mintakulburuj) terbahagi kpd dua belas kumpulan (Akrab, Asad, Delu, Hamal, Hut, Jadi, Jauza, Kaus, Mizan, Sartan, Sunbulat, Saur); **2.** ilmu melihat nasib (yg dianggap ada hubungan dgn bintang-bintang), ilmu perbintangan, ilmu bintang; *tinggi* ~ a) baik bintangnya, beruntung; b) bertuah, berbahagia, sakti; **3.** = **serasi** (se)cocok, sepadan, sesuai: *si Banu itu pun nampaknya memang ~ benar dgn kau; ubat yg ~;*

merasi, merasikan **1.** mengetahui jodoh orang dgn menilik bintang (mimpi dll); **2.** meramalkan nasib orang dgn membuka kitab tib;

menyerasikan menjadikan serasi (secocok, sesuai): *kedua-duanya perlu diselaraskan dan diserasikan;*

keserasian perihal serasi (sepadan, secocok, sesuai);

perasian ilmu perbintangan utk membuat ramalan, nujum.

rasialis **1.** bersifat atau bersikap perkauman; **2.** orang yg menganut atau mengamalkan faham rasialisme.

rasialisme **1.** layanan berat sebelah atau sikap bermusuhan terhadap seseorang berasaskan keturunan bangsanya, mis satu kaum mendapat layanan yg lebih istimewa drpd kaum yg lain; **2.** fahaman yg menekankan bahawa suku kaum sendiri sahaja yg paling unggul.

rasian Mn mimpi (terutama yg memberi alamat);

berasian bermimpi;

merasian memimpikan.

rasional 1. alasan munasabah yg mendasari sesuatu tindakan, perbuatan, atau pegangan: *apakah ~ kamu utk menolak permintaannya?* **2.** berdasarkan taakulan, menurut pertimbangan atau fikiran yg wajar, waras: *di manakah ada kejadian atau fakta yg hanya dapat difahami secara ~?*

merasionalkan menjadikan atau membuat sesuatu (sbg) rasional, menganggap rasional, menjadikan (supaya) bersifat rasional: *kami berasa cukup payah untuk mencari sebab dan alasan utk ~ ketidakwujudan sukatan pelajaran tersebut; jika ia, bagaimana pula seseorang itu ~ dirinya dlm situasi begini?*

kerasionalan sifat (keadaan) rasional: *pengarang berhasil memaparkan kejujuran dan ~ watak Mahmud;*

perasionalan proses merasionalkan sesuatu: *~ retorik.*

rasionalis orang yg menganut fahaman rasionalisme.

rasionalisasi IB penghematan tenaga buruh dlm perusahaan dll dgn tujuan memperbanyak hasil: *rencana pembangunan dan ~ dlm ketenteraan dan perindustrian menemui kesulitan-kesulitan dlm pelaksanaannya;*

merasionalisasikan mengatur perusahaan dll dgn menghematkan tenaga supaya memperoleh hasil yg setinggi-tingginya.

rasionalisme fahaman bahawa taakulan adalah asas yg paling baik dlm melakukan sesuatu tindakan, menyelesaikan masalah, dsb.

rasionalistik bkn fikiran yg berasaskan logik, bukan berasaskan emosi atau ajaran (kepercayaan) agama: *pemikiran ~; jawapan yg cukup ~.*

rasis rasialis.

rasisme rasialisme.

rasmi disahkan oleh kerajaan atau yg berkuasa, (yg) diisytiharkan (ditentukan, disahkan) oleh kerajaan atau jabatan dll: *bahasa ~; ejaan ~; kenyataan ~; pakaian ~; resit ~; tugas ~; upacara ~;*

merasmikan mengisytiharkan (melantik, menentukan, menetapkan, mengesahkan, dll) dgn rasminya: *~ pameran lukisan; ~ pembukaan sekolah;*

rasmi-rasmian bersifat rasmi: *majlis yg ~;*

kerasmian perihal rasmi: *bahasa Melayu akan sanggup menggantikan bahasa Inggeris dlm segala lapangan ~ dan keilmuan;*

perasmian pengisytiharan (pelantikan, penentuan, penetapan, pengangkatan, pengumuman, dll) yg rasmi: *masa transisi sesudah ~ ejaan itu akan mengurangi kerugian yg mungkin dideritai; ~ lantikan panitia Bahasa Melayu-Indonesia.*

raspberi (raspbéri) sj tumbuhan renek yg buahnya lembut, kecil, berwarna merah dan boleh dimakan, *Rubus idaeus*.

rastali; pisang ~ sj pisang; rajastali.

rasuah pemberian utk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap): *Jabatan Pencegah R~;*

merasuaihi memberi rasuah kpd: *dia dituduh ~ pegawai itu;*

perasuah orang yg memberi rasuah: *Allah mengutuk ~, orang yg menerima rasuah dan perantara rasuah antara kedua-duanya.*

rasuk I kayu yg dipasang di antara tiang-tiang rumah (utk menyangga gelegar tempat dipasang lantai);

gar-gar kata pelantar, ~ juga yg menahannya prb kita tidak boleh mendengar cakap orang yg tidak bertanggungjawab.

rasuk II; kena ~ = dirasuk hantu kemasukan hantu syaitan dll;

merasuk 1. masuk ke dlm tubuh manusia (hantu, jin, dll): *tiba-tiba keempat-empat mereka ketawa terbahak-bahak bagaikan*

dirasuk jin tanah; 2. mendalam, menyerap atau meresap benar: apabila melihat orangnya, tambah ~ lagi keyakinanku kpd ajarannya; ~ hati (jiwa) mengganggu atau mengusik (hati), menggodai, menggiurkan (hati): berbagai-bagai fikiran datang ~ hatinya terutama fikiran hendak menceraikan isterinya;

rasukan hasil perbuatan merasuk: *maka al Bidaah pun menyebarkan ~ syaitan ini;*

kerasukan kemasukan (hantu, jin, dll).

rasul = ~ Allah utusan atau pesuruh Allah yg dipilih-Nya utk menerima wahyu daripada-Nya utk dirinya sendiri dan diwajibkan menyampaikan wahyu itu kpd orang lain: *Nabi Isa ialah seorang ~; R~ Allah* gelaran khas bagi Nabi Muhammad SAW; *sunah* ~ perbuatan, perkataan, pengakuan dan sifat Nabi Muhammad SAW yg digalakkan diikuti oleh orang Islam;

kerasulan perihal rasul (sifat, martabat, dll).

rasuli Ar ark perihal rasul.

Rasulullah Ar gelaran khas bagi Nabi Muhammad SAW.

rasyid Ar orang yg mengikut jalan yg benar (agama).

rat I Jw ark alam, dunia, jagat.

rat II Kl jinak.

rata I 1. tidak tinggi rendah, datar, papak, papar: *bahagian atas meja itu ~; padang bola yg menghijau ~; pukul (hitung) ~* semuanya dianggap sama (tidak dibeza-bezakan), hitung panjang; *sama ~ a)* sama tinggi dan sama rendah (semuanya); *b) = sama ~ sama rasa* sama hak dan kewajibannya (sama tarafnya); **2.** seluruh bidang (permukaan) sama diliputi, menyeluruh: *hendaknya lantai itu disapu ~; kurang ~ ditutup lantai itu dgn tikar; 3.* seluruhnya beroleh bahagian yg sama, tersebar ke merata tempat (berita dll), terdapat (terkena dll) di mana-mana: *pusaka itu dibahagi ~; telah*

~ lukisannya ditunjukkan; pd masa itu orang Melaka ~lah berkapal belaka; ~-riti Kl ke mana-mana;

serata seantero, segenap, seluruh: *getah dieksport ke ~ dunia; poster-poster tertampal di tembok-tembok di ~ kampung;*

keserataan perihal (keadaan) serata: *tahap ~ penggunaan bahasa itu masih rendah;*

menyeratakan menyebarkan ke mana-mana, menyeluruh;

rata-rata 1. rata sekali, sama banyaknya dll di serata tempat: *baja itu hendaklah ditaburkan ~; saya ingin benar hendak melihat ~ dlm kebun itu; 2. = (di)pukul ~ a) dianggap sama semuanya, dihitung panjang, pd umumnya: keistimewaannya ialah orang-orang bawahannya ~ segan dan hormat kepadanya; ~ mereka tidak berbaju, kecuali yg paling depan; apatah lagi dlm arus sekarang, ~ wanita suka bekerja makan gaji; b) diambil tengah-tengah, dibahagi rata; ~ seekar tanah sawah menghasilkan 400 gantang padi setahun; peon dan buruh kasar ~ mendapat dlm lingkungan RM80 dan RM100 sebulan;*

merata 1. (menjadi) rata: *matanya terpaku ke permukaan laut yg sekali-kali tersebak dan ~; buah padi yg sedang masak, kuning, dan ~; 2. = merata-rata* tersebar (menular) ke mana-mana, pergi ke mana-mana, merebak: *sebentar saja berita kejadian itu ~lah ke seluruh kampung; beberapa lamanya ia ~ di Eropah; 3. = merata-rata* serata, segenap, seluruh, seantero: *makanan utk pokok-pokok memang ada sedia hampir-hampir di ~ tempat; lipas didapati di ~ tempat di negeri panas;*

meratai merata ke segenap..., meliputi (memasuki, melindungi, mengenai, dll) kesemuanya: *mata profesor itu ~ semua muka mahasiswa; tidak mungkin rasanya peraturan itu ~ seluruh lapisan rakyat;*

meratakan 1. menjadikan (menyebabkan) rata, memapakkan, mendatarkan: *seluruh kawasan bukit itu diratakan utk dijadikan tapak kawasan perumahan rakyat*; **2.** membahagi-bahagikan rata, menyebarkan ke merata tempat: *~ kemakmuran ke seluruh negara ialah tujuan utama kerajaan sekarang; bantuan kecemasan diratakan kpd segenap mangsa bah;*

rataan ark dataran;

kerataan perihal rata: *semua permukaan cecair adalah rata dan selari dgn ~ tanah;*

perataan perihal (proses) meratakan sesuatu: *~ permukaan jalan itu telah selesai;*

perata alat utk meratakan (mendatarkan dll).

rata II sl sj kenderaan, kereta; *~ terbang (melayang)* sl kereta yg dapat terbang.

ratah tidak bercampur dgn benda lain (lauk-pauk);

meratah 1. makan lauk sahaja (tidak dgn nasi): *habis lauk itu diratahnya*; **2.** ki mengalahkan, menundukkan: *malam gerhana bagi Malaysia apabila diratah oleh China dlm pusingan akhir perlawanan bola sepak Piala Asia;*

ratahan sesuatu yg diratah.

ratan Kl, Tr; **beratan** bersama-sama, berserta;

meratan membantu, menolong, turut campur: *kalau mereka bertumbuk kau jangan ~.*

ratap I = ratapan rintihan kerana kesedihan (dgn mengeluh, menangis, menjerit, dll): *~ anak-anak yg kehilangan kedua-dua ibu bapa itu sungguh menyayat hati; ~ tangis ratap dan tangis; ~ petolong ijuk penebal prb penghasilan tambahan (bukan penghasilan sbg pokok penghidupan);*

meratap menangis sambil mengeluarkan kata-kata, mengeluh (sambil menjerit, menangis, dll): *sudah beberapa lama Khairil meninggal, masih ada sahaja orang ~;*

meratapi meratap kerana menangisi: *hatinya ~ nasibnya.*

ratap II; meratap berbunyi sebiji-biji dgn banyak, berbunyi berulang-ulang (mesingan dll).

ratap III Pr; meratap penuh dgn barang hiasan (cincin dll): *jarinya ~ dgn cincin.*

ratas Mn retas.

ratau Kl rantau.

rati; merati, meratikan memerhatikan; → □ **hati-hati I.**

ratib sj zikir, puji-pujian yg diucapkan berulang-ulang (lailahaillallah dll);

~ *bang* azan yg dilaung berkali-kali; ~ *saman* sj ratib amalan tarekat Saman (ajaran Abd. Karim al-Saman);

beratib, meratib melakukan ratib, berzikir: *ia pernah ~ tiap-tiap malam di surau;*

meratibkan meratib atau mendoa utk (orang meninggal dll), menzikirkan: *mayat pun dikebumikan, diratibkan, dan ditahlilkan.*

ratifikasi IB pengesahan perjanjian oleh parlimen dll: *tinggal saja ~ pembubaran Universiti itu oleh Dewan Perwakilan Rakyat;*

meratifikasi, meratifikasikan mengesahkan (perjanjian dll): *lalu diteruskan ke D.P.R. utk diratifikasi.*

rating bp kadar kepopularan sesuatu rancangan radio atau televisyen yg diukur berdasarkan jumlah pendengar, penonton dsb: *tayangan klip video Barat menarik minat penonton remaja dan menaikkan ~ rancangan dan keuntungan hasil iklan.*

ratna 1. sl intan; **2.** ark puteri (gadis) yg cantik; ~ *cempaka manikam kuning;* ~ *mutu manikam* berbagai-bagai intan permata; ~ *pakaja*

a) jantung hati, yg tercinta, kekasih; b) sj tumbuhan (herba yg daunnya dibuat sayur), *Gomphrena globosa*.

ratu 1. raja (perempuan): ~ *Elizabeth*; **2.** permaisuri; **3.** sl raja: ~ *Majapahit*; **4.** ki gelaran kpd pemenang wanita dlm peraduan kecantikan dll: ~ *cantik*; ~ *fesyen*; ~ *kebaya*; ~ *sanggul*;

beratukan mengabdikan diri kpd ratu, beratu kpd: *anak buah Patrik Aria Gajah Mada yg ~ Raden Galuh Wi Kesuma*.

ratus I bilangan sepuluh kali sepuluh;

seratus satu ratus (100);

beratus-ratus beberapa ratus: ~ *rakyat mati*;

meratus 1. sl beratus-ratus; **2.** = **menyeratus**; ~ *hari mengadakan kenduri utk memperingati orang mati pd hari yg keseratus sesudah meninggal*;

ratusan 1. bilangan seratus: *kalau bilangan-bilangan besar dicampur, satuan dikumpulkan dgn satuan, puluhan dgn puluhan ,dan ~ dgn ~*; **2.** beratus-ratus: *dentuman-dentuman meriam saling berganti dgn dengungan ~ pesawat udara sekutu*;

peratus 1. = **perseratus**, **seperatus** satu dibahagi dgn seratus (1/100); **2.** persen: *sepuluh ~ 10%*; *seratus ~ a) 100%*; b) ki seluruhnya, semuanya (tanpa kekecualian lagi): *kekotoran dan kedurjanaannya sudah seratus ~ terdedah*;

peratusan 1. bilangan (dgn kiraan) peratus: ~ *rakyat yg sudah berumur juga kian meningkat*; **2.** persen.

ratus II ark; **meratus 1.** berkicau (burung); **2.** berkata yg bukan-bukan (kerana kecewa, sedih, dll), mengoceh.

ratus III Jw ark sj dupa.

ratus IV; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Justicia bracteata**.

rau I bunyi spt bunyi hujan lebat yg kedengaran dr jauh dll; → **derau I**.

rau II; *kayu (pohon) ~ sj tumbuhan (pokok), pokok rawa, kedondong bulan, kedondong bulu, Santiria laxa.*

rauk Kl; **merauk** meraup, menyapu.

raum; **meraum** mengaum, menderum; → **raung**.

raun bp **1.** = **meraun** berjalan berkeliling, berkeliling, meronda; **2.** sepusingan (permainan, tarian, dll), sekali tamat;

meraun berjalan dll berkeliling, berjalan berputar-putar: *mereka ~ dgn jip.*

raung bunyi (suara) nyaring lagi panjang, teriak panjang: ~ *tangis yg amat sedih juga yg kedengaran di keliling rumah itu; ~ harimau;*

meraung 1. berbunyi (bersuara) nyaring dan panjang (anjing, serigala, dll), menggeru: *harimau ~;* **2.** = **meraung-raung**

menangis serta menjerit keras-keras, menggerung: *dia ~ apabila saja dia melihat mayat anaknya terbujur; orang sakit itu meraung-raung sambil berlari ke sana sini;*

meraungkan meraung akan: *jangan diraungkan mayat itu;*

meraung-raungkan menggembar-gemburkan, melaung-laungkan: *ke mana-mana pun ia pergi, ia tetap ~ cita-cita politiknya;*

raungan raung: ~ *dan tangisan bercampur-campur.*

raup; **seraup** sebanyak yg dapat diambil dgn kedua-dua belah tangan (yg dikembarkan): ~ *beras;*

meraup 1. rapat kedua-dua belah tangan ketika mencedok: *beras itu disukatnya dgn tangan ~;* **2.** mencedok (mengambil, mengumpulkan) dgn kedua-dua belah tangan (yg dikembarkan): ~

beras; ~ kaki mengampu kaki dgn kedua-dua belah tangan ketika sujud kpd raja dll;

harap hendak ~, tidak boleh menggenggam prb kerana hendak hidup dgn kemewahan habis harta benda.

raut I; *pisau* ~ sj pisau khas yg tajam utk melicinkan (menajamkan, menghaluskan) rotan dll, seraut, siraut;

beraut sudah dilicinkan (dihaluskan dll); *lidi* ~ lidi yg sudah dilicinkan (dibersihkan drpd daun);

meraut meratakan (menghaluskan, melicinkan, meruncingkan, dll) dgn pisau: ~ *rotan penjalin lukah*; ~ *pensel dgn pisau*.

raut II = **rautan** bentuk, potongan, roman, tampang; ~ *badan* bentuk (sikap) tubuh; ~ *muka (wajah)* tampang muka, roman.

raut III; *burung* ~ sj burung, burung kendi, *Numenius arquata orientalis*; *burung pisau* ~ sj burung, burung kendi, *Numenius phaeopus variegatus*.

rauvit (Kim) mineral yg mengandung kalsium, uranium dan vanadium.

rawa I; *kain* ~ sj kain pelangi (kain yg bermacam-macam warnanya).

rawa II paya, rawang: *suatu daerah* ~ *yg luas*;

berawa berpaya, berawang: *keadaan buminya* ~ *dan berlebak-lebak*.

rawa III; *burung* ~ sj burung (merpati liar), *Ducula bicolor*; *cucak* ~ Jw burung barau-barau.

rawa IV 1. sj tumbuhan (pokok kecil), raba-raba, *Mangifera microphylla*; 2. = *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok besar), *Diacontomelum mangiferum*.

rawa V Kl, Tr sj alat utk menangkap ikan (udang).

rawa VI Kl, Tr; **merawa** mengacau barang-barang makanan dlm periuk dgn tangan, mengambil (isi) makanan sahaja.

rawah I Mn sj kualiti (belanga) besar: *telinga* ~ pekak, enggan menerima nasihat orang.

rawah II ark sj persekutuan dagang yg setengah ahlinya memberi modal dan yg lainnya memberi tenaga sahaja.

rawai I sj alat utk menangkap ikan yg terdiri drpd beberapa bentuk kail yg digantungkan pd tali atau rotan yg terentang;

merawai menangkap ikan dgn rawai.

rawai II sj tumbuhan (pokok), dedali paya, lima beruk, minyak beruk, *Xanthophyllum griffithii*.

rawai-rawai Br sj ukiran lama yg biasanya terdapat pd bahagian tertentu rumah.

rawak tidak ditentukan atau diatur lebih dahulu, rambang; *menembak* ~ menembak rambang (untung-untungan); *secara* ~ secara rambang (sesuka saja), diambil (dicabut dsb) secara sembarangan; ~ *rambang* merambang, mengawur;

merawak merambang, mengawur (menabur), kena tak kena;

kerawakan keadaan rawak: *kajiannya penuh dgn ~; ~ sampel*.

rawan I = ~ *hati* pilu, gundah-gulana, rindu bercampur sedih, sayu, terharu: *beberapa hari ini dia sangat ~ bercampur sedih; dengarkan lagu itu, betapa sayu, pilu, ~, dan menghiris sumsum kita; sayu ~ sayu dan rawan*;

berawan = ~ *hati* berasa rawan;

merawan, merawani berasa rawan terhadap (kpd);

merawankan = ~ *hati* menimbulkan (membangkitkan, mendatangkan) rasa rawan: *suara yg sangat sedih dan ~ hati*;

kerawanan = ~ *hati* perihal (keadaan) rawan hati, keadaan gundah gulana, kesayuan, keharuan: *~ hati seseorang anak muda mudah terusik oleh persekitaran yg dilihat dan dirasainya terlalu pincang*;

perawan yg merawankan hati: ~ *hati*.

rawan II; *tulang* ~ a) tulang yg lembut, tulang muda; b) tulang dada.

rawan III penjodoh bilangan yg menyatakan selengkap (jala, jaring, kancing baju, dll); *se~ jala* satu jala.

rawan IV; *nasi* ~ nasi yg bercampur dgn sayur dan lauk-pauknya.

rawan V ark sl sj kenderaan, kenaikan; *takhta* ~ sj tandu.

rawan VI ark **merawan** berawan; → **awan**.

rawan VII; (*pokok*) ~ *hantu* sj tumbuhan (palma), pinang biring padi, pinang legung, pinang penawar, *Pinanga disticha*.

rawang I hutan yg berpaya-paya, rawa.

rawang II Mn; **merawang** merambang, merawak: *janganlah kamu fikirkan perkara-perkara itu ~ saja; matanya liar ~ ke sana ke mari*.

rawat I; *juru*~ orang yg menjaga orang sakit (di hospital dll);

merawat memelihara, menyelenggarakan, membela, menjaga (orang sakit dll) dgn memberi ubat dsb: *isterinya dirawat di rumah sakit umum; ia dirawat di hospital; dlm buku ini dihuraikan arahan-arahan utk memelihara, ~, dan membaja lebih drpd 50 jenis pokok buah-buahan;*

terawat dirawat: *keadaannya ~ baik;*

rawatan hasil merawat; ~ *muka* rawatan utk memelihara kesihatan dan kecantikan muka (dgn membubuh krim dan mengurut bahagian muka, dll); ~ *rapi* rawatan dan penjagaan yg intensif dan berterusan terhadap seseorang pesakit yg berada dlm keadaan tenat, biasanya ditempatkan dlm bilik khas;

perawatan perihal (perbuatan dsb) merawat, pemeliharaan, penyelenggaraan, pembelaan, penjagaan: *orang yg berwang saja yg menghendaki ~ yg luar biasa; ~ muka* rawatan utk memelihara kesihatan dan kecantikan muka (dgn membubuh krim dan mengurut bahagian muka, dll);

perawat orang yg merawat, bahan utk merawat (tumbuh-tumbuhan dsb).

rawat II Pl pulih kembali spt sediakala, kembali kpd keadaan asal.

rawi I Ar 1 . = perawi orang yg meriwayatkan hadis Nabi, periwayat: ~ *hadis*; **2.** orang yg bercerita, pengarang cerita: *kata ~ bahawa Sultan Muhammad Shah itu di atas kerajaan terlalu sekali adil*;
merawi berriwayat, bercerita;
merawikan meriwayatkan, menceritakan;
perawian perihal menceritakan riwayat hidup: ~ *teks HS*;
perawi orang yg meriwayatkan hadis.

rawi II sl matahari.

rawit I; *cabai* ~ cabai kecil yg pedas, cabai burung (Melaka), lada api: *kecil-kecil cabai ~, biarpun kecil tetapi berani.*

rawit II Jw; **rawitan, kerawitan 1.** sj lagu (gending) permulaan pertunjukan wayang; **2.** seni suara (gamelan).

rawit III; **merawit** membabit (menyangkut, melibatkan) dlm sesuatu perkara.

rawon Id; *nasi* ~ nasi rawan.

raya I 1. besar (terbatas pemakaiannya); *alam* ~ dunia sejagat; *badak* ~ sj badak yg besar; *bandar* ~ bandar yg besar; *gendang* ~ gendang besar; *hari* ~ = *hari* ~ *puasa* hari utk meraikan berakhirnya puasa, lebaran; *hari* ~ *besar* a) hari raya puasa; b) hari raya haji; *hari* ~ *haji* (*korban, adha*) hari besar Islam yg dirayakan pd 10 Zulhijah (selepas berhenti di Arafah); *Indonesia* ~ lagu kebangsaan Indonesia; *jalan* ~ jalan besar; *kaya* ~ kaya sekali; *bulan purnama* ~ bulan purnama yg penuh; **2.** bp hari besar; ~ *haji* hari raya haji; *kuih* ~ kuih hari raya; **3.** umum, awam (dipakai dlm beberapa ungkapan sahaja); *balai* ~ balai utk orang ramai; *Jabatan Kerja R*~ jabatan yg mengurus kerja-kerja umum spt membina jalan dll; *pendakwa* ~ pegawai yg mendakwa bagi pihak kerajaan; *pilihan* ~ pilihan umum; *rimba* ~ rimba luas;
beraya bp berhari raya;

merayakan memuliakan (memperingati, meramaikan) hari besar (hari peringatan, peristiwa penting, dll): ~ *hari kemerdekaan negara*; ~ *hari jadinya*;

perayaan pesta utk merayakan sesuatu peristiwa, keramaian, perjamuan, dll: ~ *maulud Nabi SAW*; ~ *hari kemerdekaan*.

raya II; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok dan bunganya), bunga sepatu, *Hibiscus rosasinensis* (bunga kebangsaan Malaysia).

rayah; **merayah** merebut dan merampas, menjarah, merompak: *harta benda habis dirayah dan rumah-rumah dibakar*.

rayan; **rayan-rayan** Mn 1. = **merayan** mengigau, meracau: ~ *kerana demam panas*; 2. mimpi yg berhubungan dgn pengalaman siang hari, memikir-mikirkan peristiwa yg lalu: *pd waktu siang menjadi angan-angan yg menindih dan pd waktu malam menjadi ~ yg mengganggu*;

terayan-rayan (berada) antara tidur dan jaga, termimpi-mimpi, teringat-ingat, terbayang-bayang.

rayang; **merayang** berasa agak pening, pusing kerana kena pukul.

rayap I 1. anai-anai: *papan-papan kayu yg sana sini sudah lapuk dimakan ~*; 2. bp orang yg suka mengaruk saku orang, orang yg suka melakukan rasuah;

merayap spt rayap, berkeriapan, berkerumun banyak-banyak.

rayap II; **merayap** 1. berjalan (bkn binatang kecil spt semut dll): *semut dan anai-anai ~ di tanah*; 2. melata (tumbuh-tumbuhan yg menjalar): *batangnya bercabang-cabang ~ di atas tanah*; 3. ki bergerak dgn perlahan-lahan dan arah yg berubah-ubah (pandangan, fikiran, dll), bergerak dgn perlahan-lahan: *matanya ~ ke sekujur badan orang itu*; *beberapa buah kereta lembu kelihatan ~ perlahan-lahan*; *tangan yg terkembang rapat itu merayap-rayap menyapu daun pintu*; 4. bp berjalan-jalan

membuang masa dgn tidak tentu hala (tidak bertujuan dll),
merayau: *kadang-kadang ia ~ sampai subuh; beberapa hari di Singapura ia mulai ~, mula-mula dipandu oleh anak tukang kebun;*

merayapi 1. merayap pd (di): *semut ~ gula; matanya ~ seluruh bangunan itu; 2.* mengerumuni, mengelubungi: *perlahan-lahan bumi pasar minggu itu dirayapi semut manusia; Kuala Lumpur sedang dirayapi malam;*

merayapkan menjadikan merayap: *dirayapkan sayapnya melata bumi;*

terayap-rayap sedang merayap(-rayap): *~ bergerak perlahan-lahan orang menuai di tengah bendang;*

rayapan pergerakan yg perlahan-lahan: *ia mengikuti ~ suluhan lampu itu.*

rayau; merayau, merayau-rayau 1. meraba-raba (kerana mencari atau mengambil sesuatu): *gadis itu menyandarkan badannya pd tubuh Farid dan dibiarkannya tangan pemuda itu ~; tangan kanannya merayau-rayau memungut serdak cucur kodok dan ondeh-ondeh;*
2. pergi ke mana-mana utk mencari sesuatu, berkeliaran (mencari mangsa dll), mengembara: *ia ~ di bandar Melaka; saya tak kuasalah merayau-rayau ke rumah orang atau mengintip-intip apa yg dibuat orang; 3.* tidak tenang (tenteram), cemas, gelisah: *matanya merayau-rayau memerhatikan keadaan di dlm rumah; maka ~lah fikirannya, meninjau-ninjau masa hadapan;*

perayau orang yg suka merayau, kutu rayau.

rayon bahan (kain) seakan-akan sutera yg diperbuat drpd selulosa.

rayu I 1. = *sayu* ~ pilu hati, rawan hati, terharu; **2.** = **merayu** berasa pilu, terharu (sedih, hiba, dll).

rayu II = **rayuan** pujukan atau hiburan (janji yg muluk-muluk dll) utk menyenangkan hati: *tertidurlah oleh ~ irama merdu; pujuk dan ~nya sudah tidak bermakna lagi;*

merayu 1. menyedapkan hati (menawan hati, mempersenang hati) dgn hiburan dll: *irama lagu Melayu ~ hati;* **2.** memikat hati, memujuk: *ia menulis surat ~ gadis itu supaya menerimanya sbg suami;* **3.** memajukan permohonan, mengemukakan permintaan (pertimbangan): *jika seseorang tidak puas hati dgn keputusan Mahkamah Tinggi, maka bolehlah ia ~ kpd Mahkamah Ulang Bicara; mereka ~ kpd kerajaan supaya bertindak segera membasmi nyamuk dan lalat;*

merayu-rayu merayu dgn sungguh-sungguh: *dia ~ kpd perompak itu agar keluarganya tidak diapa-apakan; bunyi muzik yg beralun lembut bagaikan ~ memanggil mereka berdua masuk;*

merayakan memajukan permohonan (permintaan, pertimbangan) kpd: *perkara yg dirayakan oleh keluarga itu ialah suatu perkara keluarga mereka sendiri;*

rayuan 1. rayu; **2.** permohonan, permintaan (yg dimajukan): *~ kpd pemaaju perumahan;* **3.** (Udg) permohonan kpd mahkamah atau pihak berkuasa yg lebih tinggi supaya mengkaji semula keputusan mahkamah atau pihak berkuasa yg lebih rendah: *membuat ~ bagi meringankan hukuman;*

perayu orang (pihak) yg merayu.

rayun ark rayu.

rayu undi; merayu undi meminta atau memujuk pengundi supaya mengundi seseorang calon parti yg bertanding dlm sesuatu pilihan raya dsb;

perayu undi orang yg merayu undi.

razia IB penangkapan beramai-ramai, penggerebekan (penjahat, orang yg berbahaya, dll): *polis mengadakan ~ antara pelacur-pelacur yg melacurkan dirinya di pinggir-pinggir jalan;*

merazia menangkap beramai-ramai, menggerebek.

Rb simbol kimia bagi rubidium.

R&D kep *Research and Development* (Penyelidikan dan Pembangunan, iaitu suatu aktiviti penyelidikan yg dijalankan oleh sesuatu industri dsb utk menghasilkan ciptaan baru, inovasi, perbaikan dsb produk, proses dsb).

Re simbol kimia bagi renium.

reagen (réagen) (Kim) bahan (molekul, ion, radikal bebas, dll) yg terlibat dlm tindak balas kimia.

reaksi (réaksi) **1.** gerakan atau aksi yg lahir kerana sesuatu pengaruh (tindakan dll): *sistem sosialis merupakan ~ kpd sistem liberal demokrasi;* **2.** penentangan (perlawanan) yg timbul kerana sesuatu tindakan (aksi): *kecaman-kecamannya telah menimbulkan suatu ~ yg hebat dlm akhbar-akhbar;* **3.** Id akibat (hasil) drpd ubat dll yg digunakan;

bereaksi memberi reaksi (pertentangan, perubahan, dll): *aku ~ lebih baik terhadap wanita;*

mereaksi Id mengadakan reaksi;

pereaksi Id utk mengadakan reaksi dlm kimia (kertas litmus utk mengetahui barang yg mengandungi asid atau alkali dll).

reaksioner (réaksionér) IB **1.** orang (puak) yg berfaham kolot atau hendak mengembalikan keadaan yg lama (dlm politik); **2.** orang yg menghalang kemajuan, orang yg kolot; **3.** kolot: *ia menjalankan politik yg ~.*

reaksionis (réaksionis) **1.** cenderung menentang perubahan atau pembaharuan yg radikal, terutamanya dlm sistem politik atau

sosial; **2.** pihak (orang atau kumpulan) yg menentang perubahan atau pembaharuan dlm sistem politik atau sosial negaranya.

reaktif (réaktif) **1.** cenderung menunjukkan reaksi atau mengambil tindakan setelah berlakunya sesuatu terhadap seseorang, sesuatu situasi dsb: *mereka bertindak secara proaktif, bukannya ~, utk mendampingi keseluruhan masyarakat setempat; dgn demikian, perencanaan kita lebih bersikap ~ kpd keadaan krisis yg mendadak*; **2.** (Kim) dapat atau cenderung bertindak balas secara kimia dgn berbagai-bagai bahan: *litium adalah kurang ~ drpd logam-logam lain; metana adalah stabil dan tidak ~ di dlm udara.*

reaktor (réaktor) = ~ nuklear (Fiz) alat yg digunakan utk mengawal dan mengekalkan tindak balas nukleus dlm menghasilkan tenaga nuklear.

realis (réalis) **1.** orang yg berpegang pd kenyataan; **2.** penganut (pengikut) faham realisme (dlm kesenian dll).

realisasi (réalisasi) perihal menjadikan kenyataan, perwujudan: *hal itu menjadi satu ~ cita-citanya;*

merealisasi, merealisasikan menjadikan kenyataan, mewujudkan: *kami masih dlm proses ~ cita-cita kami; gerakan Islam yg dimaksudkan di sini bertujuan utk ~ Islam sbg satu sistem kehidupan yg unggul lagi serba sempurna.*

realisir (réalisir) IB; **merealisir, merealisirkan** merealisasi(kan): *gagasan persatuan nasional tidak bisa dgn begitu sahaja direalisir.*

realisme (réalisme) **1.** fahaman atau ajaran yg berdasarkan kenyataan; **2.** aliran sastera dan seni lukis yg menggambarkan kisah hidup sebenar (bukan khayalan): *Kala Dewata dgn Atap Genting Atap Rumbia dianggap sbg pelopor drama ~.*

realistik (réalistik) **1.** berhubungan dgn fahaman realisme. **2.** bersifat atau menunjukkan keadaan yg sebenarnya: *gambaran yg diberikan dapat dikatakan ~.*

realitet (réalité) IB kenyataan.

realiti (réaliti) keadaan yg nyata (bukan khayalan), kenyataan, hakikat: *mereka berjumpa Oliver Twist utk mengikuti ~ hidup kanak-kanak yg sebenarnya.*

realpolitik (réalpolitik) aliran politik yg berdasarkan kenyataan-kenyataan, politik yg praktikal.

reba **1.** tompokan pohon-pohonan (ranting-ranting dll) sesudah ditebang, semak-semak kecil. **2.** Kd, bp halangan, bala, malapetaka; *jangan cari ~ jangan cari bala (fasal)*; **3.** Kd ranting kayu yg sudah dipotong dan dilonggokkan di satu tempat.

rebab sj alat bunyi-bunyian (spt biola) yg bertali dua atau tiga;

berebab menggesek rebab.

rebah I jatuh terbaring (orang dll), terletak berbaring atau bertiduran (pokok dll), tumbang: *ia ~ pengsan; ~ menyembah tikar; ~ terlentang di atas lantai; membawa (memberi) ~ menjatuhkan (menggagalkan)*;

~ bek Kl rebah kerana sudah tidak bertenaga lagi; ~ belakang Kl, bp berehat (menghilangkan penat); ~-rempah rebah terguling-guling;

dapat tebu ~ prb mendapat untung; sokong membawa ~ prb dikhianati (dicelakakan) oleh kawan sendiri;

rebah-rebah, rebah-rebahan berbaring-baring (kerana menghilangkan penat dll): *dia sedang ~ di anjung rumahnya;*

merebahkan **1.** menjatuhkan, menumbangkan: *~ tiang rumah;* **2.** membaringkan, menidurkan: *~ diri di atas pangkin;* **3.** menyembelih (binatang besar): *tahun itu juga perkahwinan*

berlangsung, ayah ~ seekor kerbau jantan besar; 4. ki menumbangkan (pemerintah dll), menggagalkan: ~ pemerintah;

rebahan **1.** robohan, tumbangan; **2.** tempat berbaring, pembaringan.

rebah II; ~ *bangun* sj tumbuhan (pokok renek), malu-malu, memalu, puteri malu, semalu, *Mimosa pudica*.

rebak I Pr runtuh (tebing sungai dll): *di mana-mana sahaja ada sungai mengalir, tanah tetap ~;*

merebak, merebakkan memecahkan dan meruntuhkan (batu, tanah): *di mana-mana sahaja sungai air batu itu mengalir, maka bahagian gunung itu direbakkannya.*

rebak II; merebak meleleh air matanya.

rebak (rébak) I 1. carik atau sobek panjang (kain, layar, dll); **2.** luka yg dalam (kerana kena pisau dll).

rebak (rébak) II; merebak 1. menjalar-jalar, menular-nular (penyakit), tersebar atau tersiar merata-rata (berita dll): *penyakit cacar ~ di seluruh negeri; berita itu sudah ~ sampai ke mana-mana;* **2.** menjangkit, meluas, merembet (api dll): *dlm beberapa ketika sahaja api itu ~ sampai ke mana-mana; perang ini lebih dahsyat dan nanti ~ ke sini;*

merebakkan menyebabkan sesuatu merebak, menularkan, menjangkitkan, menyebarkan: *zina boleh ~ penyakit;*

kemerebakan keadaan merebak: ~ *ilmu pengetahuan nuklear;*

pemerebakan perihal (proses, perbuatan dsb) merebak atau merebakkan, penularan: *tujuannya adalah utk mencegah atau mengawal ~ sesuatu penyakit.*

reban I kandang utk ayam (itik);

merebankan; ~ *ayam (itik);* memasukkan ayam (itik) ke dlm reban, mengandangkan ayam (itik).

reban II Kd, Pn runtuh (terutama pokok, rumah);

merebankan meruntuhkan: ~ *rumah*.

reban (réban) ark; **tereбан** terhempas (terbanting, terpelanting) ke kiri atau ke kanan.

rebana I sj gendang yg di sebelah sahaja dipasang kulit;

berebana bermain rebana.

rebana II = **rebanar**; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar banar, akar kelona, *Smilax megacarpa*.

rebang kucir (kuncit, taucang) yg terlepas drpd anyaman (ikatan)nya;

merebang terlepas drpd ikatannya (rambut);

merebangkan melepaskan (rambut), menggerbangkan.

rebas bertitikan, berjatuhan (air dll); *hujan* ~~~ hujan rintik-rintik (gerimis);

merebas menitik (air mata): *air matanya* ~ *turun*;

merebaskan menitikkan (air mata): *ia* ~ *air matanya kerana terlalu gembira*; → **rabas**.

rebat; **merebat** menyekat jalan dgn rintangan (kayu, duri, dll), memagar atau menyekat dgn pokok-pokok dll (supaya tidak dapat dimasuki orang, binatang, dll).

rebat (rébat) potongan drpd sejumlah bayaran yg kena dibayar atau pemulangan sebahagian drpd amaun yg telah dibuat sbg bayaran.

rebeh (rébéh) I tergantung terkulai (sayap yg patah atau layar robek dll), tidak kaku lagi, berlekat, melentur (tepi topi dll);

merebeh Pr tidak kemas (kain).

rebeh (rébéh) II, **rebeк** (rébék) Jw 1. compang-camping, rompang-ramping (pakaian dll); 2. buruk, usang.

reben (rébén) 1. jalur kain, kertas, dsb yg panjang, nipis, dan biasanya dlm pelbagai warna yg digunakan sbg pengikat bungkusan, hiasan,

dsb, pita; **2.** jalur kain yg panjang, nipis, dan mengandung dakwat khas yg digunakan dlm mesin taip.

rebet (rébét) ark → **rembet II**.

rebewes (rébewés), **rebewis** (rébewis) IB lesen memandu kereta.

Rebo Id → **Rabu**.

rebon Jk; *udang* ~ sj udang yg halus-halus, udang geragau.

rebu ark; **merebu** datang masuk banyak-banyak, menyerbu masuk.

rebuk; **merebuk** berisi nanah (luka dll), bernanah.

rebung anak buluh (yg akan menjadi batang);

~ *tidak jauh dr rumpun* prb perangai anak hampir sama dgn perangai orang tuanya; ~ *tak miang, bemban pula miang* prb orang yg bersangkutan berdiam diri, sebaliknya orang luar pula ikut campur; *tatkala lagi ~ tiada dipatah, ketika sudah jadi aur apa gunanya* prb mengajar seseorang itu hendaklah ketika ia masih muda, kalau sudah besar, tidak akan berhasil lagi;

merebung tumbuh rebungnya, (tumbuh) spt rebung (janggut dll).

rebus; *kacang (telur, ubi)* ~ kacang (telur, ubi) yg dimasak dlm air (sehingga empuk, keras, dsb);

merebus memasak sesuatu dlm air, menggodok: ~ *keledak*; ~ *air menjerang* air;

merebuskan merebus utk: *dia sempat ~ ibunya beberapa biji telur pd pagi itu*;

rebusan barang apa yg direbus, sesuatu yg direbus: *air* ~ air yg sudah dipakai utk merebus;

perebusan proses atau perbuatan merebus: ~ *pelbagai jenis akar kayu*.

rebut; ~ *rampas* bermacam-macam perampasan (perompakan, penyamunan);

berebut berlumba-lumba (berdahuluan) utk mengambil sesuatu: ~ *kuasa*; ~ *tempat*;

~ (*dgn*) *malam* sudah mulai malam; ~ *mulut* bertengkar, berbantah;
~ *nama* berlumba-lumba utk mendapat kemasyhuran; ~ (*dgn*) *senja* sudah mulai senja; ~ *tinggi* atas-mengatasi; ~ *rampas bertanda beti* prb semua perkara baharu boleh diputuskan sesudah cukup buktinya;

berebut-rebut berbuat banyak kali, berebut antara orang banyak, berlumba-lumba (memperoleh, mengambil, dll): *orang ramai ~ hendak pulang*; *beberapa ekor ayam sedang ~ makan*; *mereka ~ menghendakkan hadiah itu*;

berebut-rebutan, berebutan saling mengambil atau mendapatkan sesuatu dgn paksa (susah payah): *Majid dgn kawan-kawannya ~ macam anak kecil merebut gula-gula*;

merebut 1. mengambil (mendapatkan, memperoleh) sesuatu dgn kekerasan: *dgn cepat ia ~ senjata itu drpd penjahat*; *yg muda hendak ~ kerajaan abangnya*; **2.** mengambil (negeri, tempat, dll) dgn kekuatan senjata, merampas: *beberapa tempat penting sudah dapat direbut kembali oleh pasukan kita*; **3.** mendapat sesuatu dgn susah payah (spt dlm perlumbaan dll): *pasukan kita dapat ~ kembali Piala Thomas*; **4.** ki mengambil, memikat, menarik: *sastera itu mendapat kesempatan ~ kedudukannya lebih drpd semasa zaman klasik*; *nama Hamka pd masa ini telah dapat ~ hati para pembaca dgn cerita-cerita pendek*;

merebutkan, memperebutkan mengusahakan sungguh-sungguh (memperjuangkan) utk merebut sesuatu: *India dan China berperang ~ Himalaya*; *anakku inilah yg kelak akan diperebutkan oleh segala perempuan di seluruh Tanah Jawa*;

rebutan 1. sesuatu yg direbutkan (diperebutkan): *sebuah piala besar menjadi ~ antara pasukan-pasukan yg bertanding*; **2.** = *sedekah* ~ Id a) sj perayaan orang Cina dgn memberi sedekah yg diperebutkan oleh orang ramai; b) perlumbaan memanjat buluh (batang pinang) yg dilumur dgn minyak dll (utk mengambil barang-barang yg diletakkan di puncaknya); **3.** bp = **berebutan**;
perebutan 1. perihal berebut sesuatu: ~ *pangkat*; ~ *kedudukan*; ~ *kekuasaan*; **2.** = perihal merebut (memperebutkan), perampasan, dll.

reca arca.

recak I Jw borek (bopeng) yg tidak dalam; → **bercak**.

recak II ark; *beras* ~~~ beras yg pecah-pecah, manir, melukut.

recak III Mn; **merecak** duduk mengangkang di atas (kuda dll), menunggang; ~ *kuda* menunggang kuda.

recak IV; ~ *anjing* Kl berlari perlahan-lahan, berlari-lari anak.

recek (récéh); *wang* ~ = **recean** wang kecil, wang pecah; **renceh I**.

receng (récéng) hirisan (keratan, potongan) kecil-kecil.

recik percik;

merecik memercik; ~ *peluh* bertitik peluhnya, terkeluar (terpancur) peluhnya: *di dahi kami ~ peluh kepanasan*;

mereciki memerciki, merenjis: *kain yg dipakainya direciki lumpur*;

merecikkan menjadikan merecik, memercikkan: *panas di dadanya ~ peluh di dahinya*;

recikan percikan: ~ *air yg naik ke atas*;

perecik alat utk mereciki.

recok (récoc) gaduh, honar, ramai, rewel, ribut: *surat khabar Filipina membuat ~ tentang rundingan di Bangkok*;

merecokkan menggemparkan, meributkan;

kerecokan perihal recok, kegemparan, kehormatan, keributan.

recup; merecup 1. mulai tumbuh dan keluar banyak-banyak (spt biji-biji padi dll), berkecambah banyak-banyak, mulai keluar daun: *pucuk-pucuk muda ~ memayungi ranting-ranting yg telanjang*; **2.** timbul dan berloncatan banyak-banyak (ikan kecil-kecil dll); **3.** timbul atau lahir dgn tiba-tiba (idea, ilham, dsb): *drpd kesibukan inilah mungkin ~ ilham utk terbang.*

reda 1. mulai berkurang, hampir berhenti (angin ribut, hujan, dll): *sebentar sahaja angin dan hujan pun ~; ledakan peluru dan bom boleh dikatakan ~*; **2.** semakin kurang (kemarahan, kerusuhan, panas, penyakit, dll), berkurang, tidak menghebat lagi (hawa nafsu dll), mulai tenang kembali: *kebisingan masih belum ~; kemarahannya sudah mulai ~; tangisannya masih belum ~-~ lagi; perbincangan mengenai soal itu belum juga ~; demamnya sudah mulai ~*; **3.** hampir habis, hampir hilang, kurang: *kereta-kereta sudah ~ melintasi jalan; maka dgn hal yg demikian, ~lah sedikit tikus itu;*

bereda Mn berlindung, bernaung, berteduh;

mereda menjadi reda: *tangisannya agak ~ sedikit; pd masa ~nya gelora peperangan, kami berusaha membangun;*

meredakan menjadikan atau menyebabkan reda, menenangkan, mengamankan, mengurangkan (kemarahan dll): *mereka berjaya ~ ketegangan-ketegangan dlm parti; ia ~ sedikit ketawanya;*

keredaan perihal reda, ketenangan, keamanan, kekurangan: *rasa hormat yg demikian itu dgn sendirinya membawa ketenangan suasana, ~ suara.*

reda (réda) bersedia dgn ikhlas hati (utk membuat sesuatu), rela: *ada di dalamnya orang-orang yg ~ bersekutu bersama-sama sbg manusia;*

meredai merelai: *jalan yg diredai Allah itu jalan Islam yg akan menenteramkan hidup;*

meredakan merelakan;

keredaan kerelaan: *terhasil sebuah masyarakat yg berdisiplin, sebuah negara yg aman damai di bawah ~ Allah.*

redah I Mn; **meredah** menebang (menebas) banyak-banyak: ~ *buluh*; ~ *belukar*.

redah II; **meredah 1.** menempuh (bahaya, hutan, padang pasir, dll), mengharung: ~ *hutan semak samun*; ~ *hujan*; ~ *padang pasir bergunung batu*; *belayar ~ samudera*; *perempuan ini ~ jalan raya berpuluh batu dgn hanya menunggang sebuah basikal*; **2.** ki merempuh (masuk dll), melantasi, menembusi: *pemuda yg berbaju hitam itu ~ masuk bilik*; *suara halus merdu itu terbang keluar dr kamarnya ~ kesunyian malam*; → **rejah**.

redai Kd **1.** tempat menjemur ikan (tembakau dll); **2.** jaringan besi yg digunakan utk meletakkan kuih (biskut, kek, dsb) yg masih panas: ~ *kuih*.

redaih Kd → □ **daih**.

redak I; **meredak** meledak; → **ledak**.

redak II Kd **1.** kelebihan makanan (lauk, kuih, dll); **2.** butir-butir kecil, habuk;

beredak 1. ada redaknya; **2.** hancur.

redaksi (rédaksi) **1.** sidang pengarang (pd persuratkhabaran, majalah, dll): ~ *majalah Dewan Sastera dan Dewan Masyarakat*; *cerpen terus sampai ke meja ~ setiap hari*; **2.** gaya penyusunan kata dan ayat dlm sesuatu pengumuman (undang-undang dll): ~ *resolusi itu masih harus dibaiki*.

redam I = **redam-redam**, **meredam** kurang terang terdengar (terlihat), tidak jelas, kabur-kabur, sayup-sayup: *nampak meredam pokok*

ribut dr sebelah utara; ~ padam padam (rosak, musnah) sama sekali;

meredamkan menjadikan redam;

peredaman perihal meredamkan;

peredam; ~ *bunyi* alat utk meredamkan bunyi.

redam II; *remuk*-~ remuk semuanya, hancur lebur;

meredamkan menghancurkan, meremukkan.

redam III bunyi spt bunyi kayu dipukul (pintu ditumbuk dll).

redan (rédan) **1.** sj tumbuhan (pokok), ludai bulan, medang serai, mutan riba, ridan, *Mischocarpus lessertianus*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Nephelium glabrum*; **3.** sj tumbuhan (pokok), kusip bukit, *Aglaiia cordata*.

redang (rédang) ark paya (rawa, rawang) yg dalam; *paya dan* ~ bermacam-macam tanah paya; ~ *bakau* paya yg ditumbuhi bakau; *kawasan* ~ kawasan atau daerah yg berpaya-paya.

redang ark radang.

redani sj tumbuhan (pokok memanjat), akar dani, selimpas, *Quisqualis densiflora*.

redap I sj gendang (rebana) kecil; → □ **dap**.

redap II; **meredap 1.** makan di dlm sahaja (api), marah di dlm hati sahaja; *rindu*-~ rindu yg bersangatan dlm hati; **2.** berlarut-larut (penyakit), merana.

redas I Kl; **meredas** melontar dgn kayu dll (utk menjatuhkan buah dll), membaling: *buah mempelamnya habis diredas budak-budak jahat*.

redas II Kl celaan, kejian, makian.

redih semaian (padi dll); *tapak* ~ tapak semaian;

meredih menanam semaian padi dll;

peredih Kd tempat meredih.

redik (rédik) herdik;

meredik mengherdik.

redip; ~ *pepuyuh* sj tumbuhan (pokok atau pokok renek), sisih puyuh, sisik puyu, meransi, *Carallia suffruticosa*.

redoks (rédoks) (Kim) gabungan proses penurunan dan pengoksidaan.

reduksi (réduksi) IB potongan (harga barang-barang dll), pengurangan:
utk barang ini boleh diberi ~ 15%.

reduksionis (réduksionis) penyokong reduksionisme.

reduksionisme (réduksionisme) **1.** mencerakin data yg kompleks menjadi juzuk yg kurang kompleks; **2.** teori yg menyatakan bahawa idea, sistem, dll yg kompleks boleh difahami melalui bahagian atau komponennya yg kurang kompleks.

redum I bunyi spt bunyi barang besar jatuh dlm air.

redum II ark mendung, redup, suram (gelap); → □ **redam I**.

redum III Kd; **meredum** menutup (jalan dll) dgn daun-daunan dll (utk menyembunyikan sesuatu dll).

redup 1. berawan (langit), tidak terang (cuaca), mendung: *hari pun ~, tiadalah tampak akan cahaya matahari*; **2.** agak gelap kerana dilindungi awan, tidak panas terik: *matahari ~*; **3.** berasa panas (kerana cuaca mendung); **4.** ki kurang cahayanya, suram (mata, wajah, dll), kurang terang atau hampir padam (nyala api); **5.** berkurang, merosot (kemegahan, kemuliaan, dll); **6.** mulai berhenti, tenang kembali, reda (angin, hujan, kasih, dll): *ribut itu pun ~*; **7.** sayup-sayup (bunyi-bunyi): *gemercik air sayup-sayup dan desau angin ~*; **8.** tidak gembira, susah hati (perasaan dll): *ia menyahut dgn ~; ~~~ alang*

= ~~~ bahasa agak redup (gelap, suram) sedikit;

meredup menjadi redup (tidak terang);

meredupkan menjadikan redup, menyuramkan, dll;

keredupan perihal redup: ~ *petang menambahkan kesunyian di ladang itu.*

redut Mn ark; **meredut**; *hatinya* ~ ia berasa tersinggung (kecil hati).

referendaris (réferéndaris) IB pegawai tinggi dlm jabatan-jabatan kerajaan atau daerah.

referendum (réferéndum) pemungutan suara rakyat berhubung dgn sesuatu dasar politik, dsb yg penting, pungutan suara: *dgn ~ ini, semua rakyat ditanyai buah fikiran mereka berkenaan sesuatu masalah yg besar.*

referi (réferi) **1.** bp pengadil; **2.** orang yg dirujuk utk memberikan maklumat, sokongan dsb tentang watak, kebolehan, kelayakan dsb seseorang, terutamanya yg memohon sesuatu pekerjaan.

reflasi (réflasi) **1.** (Eko) tindakan memulihkan semula ekonomi dgn cara meningkatkan penawaran wang dan kredit utk merangsang kegiatan dan pertumbuhan ekonomi dsb; **2.** IB ikhtiar utk membaiki nilai wang menjadi nilai sebelum inflasi.

refleksi (réfléksi) bayangan, gambaran (dlm cermin, fikiran, dll): *inilah ~ mutlak drpd keperibadian Indonesia; puisi boleh menimbulkan sesuatu reaksi tertentu sbg ~ drpd kehidupan masyarakat.*

refleksologi (réfléksologi) sj terapi yg mengamalkan pengurutan tapak kaki utk merangsang saraf dan dgn itu melegakan rasa tegang.

reflektor (réfléktor) IB alat yg mengembalikan cahaya (suara, haba, dll).

reformasi (réformasi) perubahan atau pembaharuan yg mengarah kpd keadaan yg lebih baik, mis dlm sistem sosial, politik, dan kebudayaan sesebuah masyarakat: *maka lahirlah ~ gereja Protestan yg memisahkan diri dr gereja Katolik; bahasa Melayu sedang mengalami ~;*

mereformasi membuat reformasi pd: *keperluan utk ~ sistem pendidikan agama yg ada.*

reformis (réformis) orang (golongan dsb) yg menganjurkan atau mengusahakan supaya berlaku perbaikan atau pembaharuan (dlm bidang kebudayaan, sosial, keagamaan, dll).

rega ark harga.

regan (régan) Mn bahagian atas dan bawah rangka jendela.

regang tidak kendur, kencang, tegang (tali yg ditarik, kain yg direntangkan, dll);

beregang-regang 1. merentang-rentangkan anggota badan utk bersiap-siap (hendak bertumbuk dll); **2.** = **berseregang, bersiregang** berkeras-kerasan, bertegang-tegang, berkelahi; *berseregang mulut* bertengkar, berbantah keras;

meregang 1. menjadi tegang (tidak kendur): *dawai telefon mengendur pd waktu panas dan ~ pd waktu sejuk; bengkak ~*; **2.** merebut dgn paksa, menarik, menyentak, merenggut; *merebut ~ merebut dgn paksa*;

~ badan menarik-narik badan (hampir mati); *~ diri* menegang-negangkan diri (kerana kesakitan dll); *~ hidupnya* sengsara hidupnya; *~ jiwa (nyawa)* hampir-hampir mati; *~ telinga* menarik (memilin) telinga;

meregangkan menjadikan regang, menarik supaya regang, menegangkan (tali dll), membentangkan (kain dll) tegang-tegang, menghulurkan (kaki, tangan) tegang-tegang: *dia ~ kedua-dua belah tangannya*;

teregang diregangkan, menjadi regang: *dawai yg ~ di dlm kamar*;

regangan sesuatu yg regang, tegangan;

keregang keadaan regang, ketegangan;

peregangan perihal (perbuatan) meregangkan sesuatu.

regas; meregas memotong, mengerat (bulu, rumput, dll).

regat; meregat 1. menyeberangi (jalan, sungai, dll) dgn lurus; 2. memotong perjalanan, memintas.

regata (régata) perlumbaan perahu kayuh, perahu layar, dsb.

rege (régé) sj muzik (atau tarian) berirama rancak yg popular di Hindia Barat.

regék (régék) Pr; **beregek** bergaya, berhias, bersolek.

regel (régél) IB papan pd tembok, belebas.

regen (régén) IB ark kepala daerah (bahagian dr keresidenan), bupati; **keregenan** kabupaten.

reges (régés) Jk luruh daunnya, meranggas.

reggae (réggaé) → **rege**.

regi IB (pengurus) perusahaan monopoli pemerintah: ~ *candu*; ~ *garam*.

regio (régio) (Ast) kawasan yg luas yg kelihatan spt berlorek-lorek di permukaan planet atau satelit.

regionalisme (régionalisme) faham (semangat) keserantauan.

regis I Kl bahagian, cabang, cawangan; *se~* satu bahagian.

regis II Kd lidi; ~ *nyiur*;

beregis, beregis-regis bercabang-cabang, bercawang-cawang (tanpa daunnya lagi).

regisir IB pemimpin atau pengatur permainan sandiwara atau filem, sutradara.

register (régister) rekod atau senarai yg mengandungi butir-butir spt nama, alamat, dan aktiviti yg disediakan secara teratur, buku daftar.

beregister berdaftar; *surat yg ~* surat yg berdaftar;

meregisterkan memasukkan (mendaftarkan) nama dll ke dlm register.

registrasi (régistrasi) IB pendaftaran, pencatatan (nama dll dlm register).

reglemen (réglémen) IB aturan, peraturan.

regmografi (régmografi) (Fiz) teknik sinematografi sinar-X yg menghasilkan gambar dgn masa dedahan yg amat singkat.

regol (régol) Jw pintu gerbang.

regresi (régrési) IB gerakan dll mundur.

regresif (régrésif) cenderung bergerak ke belakang atau mengundur, mundur: *ekonomi pekebun berkenaan bersifat ~*.

regu **1.** pasukan (rombongan) orang bekerja: *buruh di perkebunan itu dibahagi atas beberapa ~*; **2.** pasukan (kesatuan) tentera yg terkecil (12 atau 14 orang): *sepuluh perajurit gerila di suatu desa merupakan satu ~, tiga buah desa membentuk satu platoon*; **3.** satu pasukan pemain dlm olahraga: *empat pemain, iaitu satu ~ dan seorang pemain simpanan, akan bertolak dgn kereta*; **4.** Id golongan, jenis (tumbuh-tumbuhan dll);

beregu berpasangan (dua orang dlm satu pasukan yg bertanding): *pertandingan perseorangan dan ~ lelaki*;

meregukan membahagi-bahagikan atas beberapa regu; → **gu I**.

reguk Mn teguk: *minum se~ air*;

mereguk **1.** meneguk, minum; **2.** ki merasai (nikmat dll): *hendak ~ nikmat hidup sepuas-puasnya*.

rehabilitasi (réhabilitasi) IB pemulihan kpd keadaan yg dahulu, pemulihan kehormatan;

merehabilitasikan memulihkan kpd keadaan yg dahulu, memulihkan kehormatan (nama baik).

rehal (réhal) sj bangku kecil sbg tempat meletak Quran yg hendak dibaca.

rehat (réhat) melepaskan lelah, mengaso: *~ yg terbaik sekali ialah tidur nyenyak; ubat letih ialah ~*; *bilik ~ bilik utk melepaskan lelah*; *kerusi ~ kerusi tempat duduk dgn mengunjurkan kaki*; *masa ~ waktu utk bersenang-senang melepaskan lelah*;

berehat melepaskan lelah, bercuti utk mengaso, bersenang-senang: *tiap-tiap petang saya ~ di kebun bunga;*

merehatkan membiarkan supaya berehat, membiarkan mengaso: *duduk bersandar ~ diri; seminggu di Adelaide, walaupun bekerja tetapi bagaikan ~ fikiran;*

kerehatan keadaan rehat: *jika tidak ada ~ maka mudalah datangnya penyakit;* → □ **istirahat**

rehek (réhéék) Pr; **merehek**; *kurus* ~ kurus kering.

reinkarnasi (réinkarnasi) penjelmaan kembali makhluk yg telah mati (mengikut sesetengah kepercayaan).

reja (réja) buangan, lebihan, lebihnya sesuatu setelah dipotong (dikarat dll);

~~~ *ayam* bahagian ayam (spt kaki, isi perut, dll) yg dibuang; ~~~ *kain* potongan-potongan kain yg lebih; ~~~ *kayu* potongan-potongan kayu yg lebih; ~~~ *sabun* potongan-potongan kecil sabun; ~ *sayung* (Hut) bahagian luar kayu balak yg digergaji, dgn satu permukaannya rata dan yg satu laginya melengkung; ~ *tepi* (Hut) jaluran kayu (biasanya masih berkulit) yg terhasil drpd pemotongan tepi kayu.

**Rejab** Ar bulan ketujuh dlm tahun Hijrah, bulan Mikraj.

**rejah**; **merejah** berjalan menempuh (melanda, merempuh) dgn tidak mempedulikan apa-apa, melanggar;

**merejahkan** melanggar, melandakan;

**perejah** pelanggar (adat dll).

**rejam I**; **merejam 1.** melempari dgn batu: *orang itu dipukul dan direjam hingga mati;* **2.** melempari dgn sesuatu (botol, telur busuk, dll): *polis melepaskan tembakan gas pemedih mata kpd kumpulan orang ramai yg ~ batu;*

**rejaman** hasil merejam;

**perejam** orang yg melakukan rejaman (lembing, tombak dsb): *dia menjadi ~ lembing pertama yg mengekalkan kejuaraan dlm sukan Olimpik.*

**rejam II** sl seksaan, aniaya: *alamat ~ dan azab atas diriku akan terus berlaku;*

**merejam 1.** menyiksa atau menyakiti (mengikat kaki tangan dan meletakkan di panas terik dll); **2.** menolak kepala dll ke dlm air (kerana menyiksa);

**merejamkan** memasukkan sesuatu ke dlm air sehingga tenggelam, merendam: *ambil sebarang bekas kosong dan rejamkan ke dlm air.*

**rejan I;** *batuk ~ sj penyakit batuk yg keras dan berjangkit (terutama pd anak-anak kecil); sakit ~ sakit perut dgn buang-buang air;*

**merejan** meneran, mengejan.

**rejan II** Kl; **merejan** menghentak-hentakkan kaki (kanak-kanak) kerana marah dll.

**rejang I** cara perkiraan baik buruk utk tiap-tiap hari bulan biasanya dilambangkan oleh binatang, spt 1 hari bulan oleh kuda, 2 hari bulan oleh kijang, 3 hari bulan oleh harimau, dll (perkiraan ahli nujum).

**rejang II;** **merejang** memecahkan, membelahkan, membongkar;

**perejang** alabangka, linggis.

**rejang III;** **serejang;** *~ kuda berlari sejauh kuda melompat (berlari).*

**rejang IV 1.** sj tumbuhan (pokok), jelutung, pulai, *Alstonia scholaris*; **2.** = *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), pulai paya, pulai putih, *Alstonia spathulaa*; **3.** sj tumbuhan (pokok), babi kurus, ketiak, limau hutan, *Acronychia laurifolia*.

**rejav** Tr bocor, tiris (kecil): *tempayan itu ~.*

**rejasa** timah.

**rejat** Kl rejap.

**rejuh** (réjuh) merah dan berair pd pelupuk mata sebelah dalam, belengset.

**rejeng** Jk; **direjeng** ditangkap atau dipegang oleh orang ramai.

**rejim** (réjim) sistem kerajaan, pemerintahan, atau pentadbiran: ~ *penjajahan*.

**rejimen** (réjimen) satu pasukan tentera yg besar yg biasanya diperintah oleh seorang kolonel, resimen.

**rejuk; merejuk** melompat ke hadapan dan ke atas (spt harimau, kucing, dll).

**rek** (rék) I bunyi spt bunyi pisau yg digoreskan pd papan dll.

**rek** (rék) II → □ **rak** II.

**reka** (réka) **1.** = **reka-reka** ark aturan, tindakan: *mengambil ~ utk menyelamatkan dirinya*; **2.** = **rekaan** (sesuatu) yg dibuat-buat (diada-adakan, diakal-akalkan), buat-buat karangan: *kita tumpukan perhatian kita pd sebuah keluarga Jepun rekaan kita; cerita seumpama ini adalah semata-mata rekaan*; **3.** daya upaya (tipu muslihat), akal ikhtiar: *ia seorang yg banyak ~nya; ~ letak susunan bahan bertulis, fotograf atau kerja seni pd iklan atau halaman buku, surat khabar, dll*;

**mereka, mereka-reka** **1.** menyusun (memasang, mengatur, mengarang) baik-baik: *perlembagaan itu telah direka oleh orang yg bijak pandai; sedikit sekali pengarang kita yg dapat ~ cerita-cerita yg bermutu tinggi; siapa tahu kalau cerita itu direka-reka*; **2.** mencari akal (daya, upaya, ikhtiar): *sepanjang minggu, ia mereka-reka keputusan yg akan diambilnya nanti*; **3.** memikirkan (sesuatu), merancang, merencanakan: *seorang ahli sains telah ~ sepasang jangka suhu; dia ~ jawapan yg akan diberikan esok*; **4.** membayangkan (dlm angan-angan), mencita-citakan: *ia mereka-*

*reka siapa yg patut menjadi suaminya; 5. menduga, mengagak-agakkan, mengira-ngirakan: tidak ada orang yg ~ bahawa ia akan terpilih sbg wakil rakyat;*

**rekaan, reka-rekaan** **1.** karangan (khayal), cerita karangan: *cerita ini semata-mata ~;* **2.** buatan, ciptaan: *reka-rekaan baharu yg dicipta oleh ahli-ahli sains; ~ bunga* ciptaan bunga; **3.** angan-angan, fantasi, rancangan; **4.** kira-kiraan, perkiraan, perhitungan;

**perekaan** perbuatan mereka: *~ mesingan menyebabkan perang menjadi perkara yg usang;*

**pereka** orang yg mereka (mereka-reka).

**reka bentuk** (réka bentuk) rancangan (corak, bentuk, dsb) yg menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu (binaan dsb): *pengetahuannya tentang penerbangan dibuktikan oleh ~ kapal terbangnya yg pertama;*

**mereka bentuk** membuat reka bentuk (gambaran, lukisan, dll);

**pereka bentuk** orang yg mereka bentuk.

**reka cipta** (réka cipta) barang yg pertama kali dicipta, ciptaan baharu;

**mereka cipta** membuat ciptaan baharu: *Alexander Graham Bell ialah orang Amerika yg ~ telefon;*

**perekaciptaan** perihal (proses, perbuatan dsb) mereka cipta;

**pereka cipta** orang yg mencipta sesuatu yg baharu: *John Baird ialah ~ bangsa Scot.*

**rekah = merekah;**

**merekah** **1.** meretak memanjang dan terbuka (kulit buah-buahan, bibir, tanah, dll): *apabila air tidak ada, tanah sawah menjadi kaku dan ~;* **2.** mulai mekar (kuntum bunga), mulai berkembang; **3.** mulai terbit (fajar); *fajar ~ mulai terbit fajar; spt delima ~ prb perihal mulut serta gigi yg bagus;*

**rekahan** pecahan, retakan, belahan: *diintai menerusi ~ dinding;*

**kerekahan** keadaan rekah (merekah); **rengkah**.

**rekal** (rékal) rehal.

**rekam** Kd; **merekam** *hati* ~ marah sangat tetapi dlm diam-diam.

**rekan** Id = **rekanan** **I** **1.** kawan atau teman (sekerja, seperjuangan, dll):

*tiga kamar lainnya dihuni ~ sekerja; 2.* kawan bersyarikat, kawan bersekutu, dll: *ia pun sudah menjadi ~ Si Karim dlm perniagaan batik;*

**berekan, merekan** bersama-sama berusaha (berdagang dll), bersekutu, bersyarikat.

**rekan** **II** ark tempat tumpuan barang dagangan, pekan.

**rekat; merekat** melekat, menampal: *gambar itu tidak mahu ~ di dinding;*

**merekatkan** melekatkan, menampalkan: *dlm buku itu direkatkannya gambar ibunya;*

**perekatan** perihal (proses atau perbuatan) merekat atau merekatkan: *~ batuan itu menghasilkan permukaan baru yg luas;*

**perekat** gam, lem;

**berperekat** disaluti perekat: *pita ~.*

**rekat** (rékat) Kl rengkat.

**rekata** ark sj rasi, kala.

**rekayasa** (rékayasa) penerapan unsur-unsur ilmu, budaya, dsb dlm perancangan, mekanisme kerja, dll sbg asas melaksanakan sesuatu;

**merekayasa** melakukan rekayasa: *DBP harus lebih serius ~ bahasa Melayu di semua sektor, terutama sektor swasta;*

**perekayasaan** proses merekayasa: *MABBIM akan mengusahakan kegiatan kebahasaan melalui ~ bahasa ilmiah dan kreatif serta penerbitan.*

**reke** (réké) **I** sj ikan laut, *Triacanthus spp.*

**reke** (réké) **II** Kl rengkel.

**reken** (réken) IB; **mereken** **1.** bp menghitung, memperhitungkan, memperkirakan; **2.** bp memasukkan dlm bilangan, membilang;  
**rekenan** bp hitungan, perhitungan.

**rekening** (rékening) IB, bp perkiraan (wang langganan, wang sewa, dll),  
bil: *dgn apa akan dibayarnya ~ doktor itu; ~ hotel* sewa hotel;  
*membuka* ~ membuka perkiraan (di bank dll); *meminta (menarik)*  
~ menagih pembayaran (wang langganan, sewa, dll); *tukang* ~  
orang (pesuruh) yg menagih rekening.

**rekes** (rékés) IB **1.** (surat) permohonan (lamaran, permintaan, rayuan):  
*buat ~ malam ini dan hantarkan esok pagi*; **2.** (surat) permohonan  
(lamaran dll) pekerjaan; **3.** = **merekes** memasukkan surat  
permohonan (pekerjaan dll), memohon pekerjaan dll.

**reket** (rékét) Jh; **mereket** tidak mahu membesar atau segar (bkn badan  
atau tumbuh-tumbuhan).

**reklame** (réklame) IB pengumuman kpd orang ramai tentang barang  
dagangan;

**mereklamekan** membuat (pengumuman dll) dgn reklame,  
mengiklankan: *tukang ubat berpidato ~ ubat-ubatnya.*

**reklasing** (réklaséring) IB pengembalian ke dlm masyarakat atau kpd  
kehidupan yg biasa (memberi bantuan kpd orang yg dibebaskan dr  
penjara supaya dapat pekerjaan, memerhati orang yg kena hukum  
dgn syarat, dll).

**rekod** (rékod) I **1.** prestasi terbaik yg dicapai dlm bidang sukan: ~  
*baharu 400 meter telah dicipta oleh Kaufman; memegang* ~  
mencapai prestasi yg terbaik; *memecahkan* ~ mengatasi prestasi  
terbaik yg pernah dicapai; **2.** catatan yg dibuat utk ingatan atau  
rujukan dll, keterangan dll yg tercatat: *memberi ~ yg lebih  
lengkap; mengumpulkan ~ dan dokumen lama; ~ pelajaran  
(pekerjaan) catatan mengenai pelajaran (pekerjaan); ~ drpd*



*catatan orang-orang Cina tentang negeri Melaka; 3. butir-butir mengenai latar belakang pribadi seseorang: ia mempunyai ~ yg baik;*

**merekodkan** mencatat: *~ hasil kerja; ~ pergerakan kapal.*

**rekod** (rékod) II piring hitam: *~~ lagu Melayu.*

**rekoder** (rékoder) alat muzik yg terdiri drpd tiub yg agak runcing di hujungnya, mempunyai lapan lubang utk jari, dan bahagian mulutnya spt wisel.

**rekok** (rékok) Kd ringkuk.

**rekomen** (rékomén) **merekomen, merekomenkan** menyokong, memperakukan, atau mencadangkan: *saya boleh ~ dia bekerja di sini.*

**rekomendasi** (rékoméndasi) perakuan.

**rekonsiliasi** (rékonsiliasi) IB perdamaian, perbaikan: *ia ingkar, tidak mahu mengetahui kompromi dan ~.*

**rekonstruksi** (rékonstruksi) perbuatan membentuk gambaran, mis tentang sesuatu peristiwa lalu dgn mengumpulkan dan menjalinkan maklumat yg (dapat) diperoleh;

**merekonstruksi** membuat rekonstruksi: *satu usaha sedang dibuat utk ~ syair.*

**rekor** (rékor) Id rekod.

**rekot** (rékot); **merekot** **1.** menjadi keriting (rambut); **2.** menjadi bengkok (badan, dawai, dll); → **ringkuk.**

**rekreasi** (rékréasi) kegiatan yg menyeronokkan yg boleh menyegarkan kembali kesihatan badan dan melapangkan fikiran, spt beristirahat dan menghiburkan hati, riadah;

**berekreasi** beristirahat serta menghiburkan hati (utk menyegarkan badan dan akal fikiran): *rombongan memburu yg ~ sambil menjalankan tugas.*

**rekrut** (rékrut) **1.** anggota yg baru sahaja memasuki perkhidmatan tentera atau polis dan sedang menjalani latihan; **2.** anggota baru bagi sesebuah pertubuhan atau badan;

**merekrut** memasukkan (mengambil) ahli baru: *kolej latihan guru dan akademik teologi juga lebih banyak ~ anak-anak drpd kelas pekerja pertanian.*

**reksa** **1.** sl menjaga; **2.** Id ark polis.

**rektifier** (réktifier) (Fiz) peranti elektrik yg dapat menukarkan arus ulang-alik menjadi arus terus dgn membenarkan arus mengalir mengikut satu arah sahaja.

**rekto** (rékto) halaman (buku) yg di sebelah kanan.

**rektor** (réktor) **1.** ketua universiti (maktab dll); **2.** ketua dlm biara (Kristian).

**rektum** (réktum) (Bio) bahagian usus besar yg paling bawah.

**rel** (rél) **1.** besi landasan kereta api dll, landasan kereta api (trem); *keluar* ~ a) terlepas (terkeluar) dr rel; b) bp terkeluar drpd pokok pembicaraan, menyimpang drpd jalan yg benar, melampaui had; **2.** palang lintang utk menggantung sesuatu: ~ *langsir* palang yg digunakan utk menggantung langsir.

**rela** (réla) **1.** dgn hati yg ikhlas (menerima dll), berkenan, bersedia, sudi: *maka ~lah aku pergi mengikut dia ke mana perginya*; **2.** izin, persetujuan, perkenanan: *anakanda datang kerana hendak meminta ~ ayahanda dan bonda*; **3.** memberikan (dgn ikhlas hati), melepaskan (menyerahkan dll) dgn senang hati: *ia sudah ~ akan perbuatan isterinya itu; dgn ~ hati dgn senang atau suka hati: keizinan hendaklah diberikan dgn ~ hati, bukan dgn paksaan atau ugutan*;

**merelai** memberikan (membiarkan, melepaskan, dll) dgn hati yg ikhlas, mengizinkan, memperkenankan: *jalan yg direlai Allah*;

**merelakan** **1.** menerima (menderita dll) dgn hati yg ikhlas; **2.** memberikan (melepaskan, menyerahkan, dll) dgn senang hati; **3.** mengizinkan, menyetujui;

**kerelaan** keikhlasan (hati), keizinan, kesudian, perkenanan, persetujuan: *mencari ~ Allah*; **reda.**

**RELA** (réla) akronim bagi Ikatan Relawan Rakyat.

**relah** Kd, Pn **1.** putus (jahitan): *kain engkau tu dah ~, jaga baik-baik sedikit*; **2.** pecah atau terkoyak (kain, kulit, dll).

**relai I** sj siput mutiara.

**relai II** berpisah-pisah, hancur, remuk: *mencedok padi yg sudah ~; reput ~ rusak berpisah-pisah (kerana lapuk atau buruk)*;

**merelaikan** memisahkan (orang berkelahi, biji-biji padi dr tangkainya, dll): *~ orang berkelahi; ~ biji kacang dr kulitnya.*

**relai** (rélai) Id ark; **merelai** memancarkan semula (siaran radio dll dr studio lain): *berita itu disiarkan oleh RRI Jakarta dan direlai oleh studio Medan.*

**relak** Tr pamor (pd keris dll), urat (pd kayu).

**relaks** (rélaks) tenang (bebas drpd tekanan atau desakan), santai: *temu ramah yg berlangsung dlm suasana ~ dan ketawa*;

**merelaksan** menjadikan relaks: *senaman utk merangsang reaksi fizikal sambil ~ tubuh badan.*

**relaksasi** (rélaksasi) bp istirahat: *~ dapat mengawal rasa resah dlm jiwanya.*

**relang I**; **merelang** cemerlang, gilap, kilau-kilauan.

**relang II** Kd, Pn **1.** lingkaran (drpd rotan dll) spt yg dipasang di tengkuk kambing; **2.** kesan atau cat pd batang dll yg melingkari batang itu;

**merelang** membuat relang (dgn cat dll): *ia ~ tiang rumahnya dgn cat yg beraneka warna.*

**relap**; **merelap** berkilau, berkilat;

**merelap-relap** berkilau-kilau, berkilat-kilat.

**relaps** (rélaps) (Ubat) kemunculan semula gejala penyakit sesudah kelihatan hampir sembuh (dlm beberapa minggu atau bulan).

**relas; merelas** **1.** sl membuang kulitnya, menguliti, mengupas; **2.** Kd mengambil seluruhnya (terutama buah-buahan): *rambutan saya habis direlas pencuri malam tadi.*

**relasi** (rélasi) IB hubungan, perhubungan, pertalian: *setiap orang menempuh jalannya sendiri-sendiri melalui ~nya; banyak ~ banyak hubungannya (dgn orang lain).*

**relatif** (rélatif) bkn sesuatu yg berdasarkan perbandingan atau saling berkait dgn sesuatu yg lain, tidak mutlak, nisbi, bandingan: *sebenarnya kesopanan itu satu konsep ~; kini usia kemerdekaan telah memberikan pengalaman kehidupan yg secara ~ boleh dikatakan memadai sehingga pd satu peringkat;*

**kerelatifan** perihal (keadaan dsb) relatif.

**relativisme** (rélativisme) faham bahawa kebenaran nilai moral dsb tidak semestinya mutlak tetapi mungkin berbeza antara individu atau kebudayaan.

**relau** sj dapur utk meleburkan timah dll; ~ *bagas* relau yg (menggunakan aliran udara panas sbg sumber haba) memanaskan campuran bijih besi dan arang batu utk memperoleh besi lebur; ~ *elektrik* relau yg menggunakan kuasa elektrik sbg sumber haba utk memanaskannya.

**relban** (rélban) IB, bp jalan kereta api.

**relbas** (rélbas) sj kenderaan yg menggunakan landasan (spt kereta api) yg terdiri drpd beberapa buah gerabak sahaja (tidak sepanjang kereta api biasa).

**relevan** (rélevan) ada kaitan atau hubungannya dgn apa yg dibicarakan, apa yg berlaku dsb: *seksyen 96(1) hanya ~ dlm kedudukan insurans wajib;*

**merelevankan** menjadikan relevan: *ada cubaan utk ~ perkara-perkara yg tidak ada kena-mengena dgn kes itu;*

**kerelevanan** perihal atau keadaan relevan, pertalian, hubungan, relevansi: *hakim mempersoalkan ~ soalan itu dlm kes yg sedang dibicarakan.*

**relevansi** (rélevansi) kerelevanan.

**religi** IB agama.

**reluh; mereluh, menereluh, tereluh** bp **1.** tidur; **2.** berdengkur.

**relung I = relungan** lekuk atau jeluk (di tanah dll);

~ *hati* lubuk hati (dlm hati); ~ *langit* ruang langit, kolong langit;

**merelung** berlekuk, berbentuk spt kubah.

**relung II** ukuran luas tanah (Id lebih kurang 5300 m<sup>2</sup> atau 2800 m<sup>2</sup>, Kd satu relung lebih kurang 0.71 ekar atau 0.29 hektar).

**relus; terperelus** **1.** terjatuh dlm lubang dll; **2.** Kd terbuka (terkoyak dll) sehingga dapat dilihat dll barang yg ditutup, relah.

**rem** (rém) IB **1.** brek: ~ *sepeda*; ~ *angin* brek yg menggunakan kekuatan tekanan udara; **2.** ki sesuatu (faktor dll) yg menghambat (menghalang) kemajuan dll: *Islam sejati mahu mengangkat darjat perempuan, tetapi kekolotan menjadi ~ besar bagi evolusinya;*

~ *kaki* brek yg dipijak dgn kaki; ~ *tangan* brek yg diputar (ditekan) dgn tangan; ~ *teromel (teromol)* rem sepeda yg berupa piringan yg dipasang pd poros gandar roda;

**mengerem** **1.** mengenakan brek supaya berhenti; **2.** bp menahan, mengekang (hawa nafsu, kemahuan, perasaan, dll).

**rema** (réma) Jw rambut.

**remah** (rémah) **I** = **remah-remah** cebisan-cebisan roti dll, sisa-sisa atau lebih-lebihan makanan dll: *ia makan dr ~-~ orang; ia tidak makan nasi se~ pun;*

**meremah-remah, meremah-remahkan** merepih-repih: ~ *roti*.

**remah** (rémah) **II** Mn berkerut-kerut, bergumal, berkeremut.

**remai** berasa sakit (nyeri) di tulang: *tulang tangannya ~-~ sahaja*.

**remaja** **1.** mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur utk berkahwin; **2.** = *muda* ~ muda; *gadis* ~ = ~ *puteri* gadis yg sudah mulai dewasa (mulai timbul rasa cinta berahi); ~ *putera* pemuda yg sudah mulai dewasa (mulai timbul rasa cinta berahi); *masa* ~ masa mulai timbul rasa cinta berahi, masa muda-muda;

**meremaja** menjadi remaja: *Amnah* ~;

**meremajakan** menjadikan muda, memudahkan; ~ *pegawai negeri* menggantikan pegawai-pegawai tua dgn pegawai-pegawai muda;

**keremajaan** perihal (keadaan) remaja: *seorang gadis yg sedang dlm* ~;

**peremajaan** perihal meremajakan.

**remak** sl lebih baik, biarlah: *~lah aku mati drpd berkhianat kpd kawanku*.

**reman** Pr kayu atau buluh kecil (spt jarum) yg diikat pd tali dan menyebabkan perangkap tertutup.

**reman** (réman); *tahanan* ~ a) tindakan menahan seseorang selepas mendapat perintah drpd mahkamah bagi tujuan siasatan, dlm tempoh tertentu: *sebelum ini dia pernah ditahan utk siasatan berhubung dgn pembunuhan itu tetapi dibebaskan selepas tempoh tahanan ~ tamat*; b) seseorang yg ditahan selepas mendapat perintah drpd mahkamah bagi tujuan siasatan, dlm tempoh tertentu;

**mereman** menahan seseorang yg dituduh melakukan jenayah ke dlm tahanan (penjara atau lokap) utk siasatan lanjut sementara menunggu perbicaraan dsb: *mereka tidak dibenarkan ikat jamin dan direman sehingga kes mereka disebut semula di mahkamah; semua lelaki berkenaan direman di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah itu.*

**remang I** bulu halus-halus di badan, roma; *kacang* ~ sj kacang yg kulitnya berbulu;

**meremang** tegak atau berdiri (bulu badan atau roma), seram: ~ *bulu suak di tengkuknya;*

**meremangkan** menegakkan (bulu roma): *Ramlah diharu-birukan fikiran yg mengerikan diri dan ~ bulu romanya.*

**remang II** ark; **meremang** mengalir perlahan-lahan, meleleh, bersimbah (peluh).

**remang III; remang-remang** agak gelap (kelam), kabur, samar muka, redup: *apabila sampai di kampung, hari telah ~ malam;*

**keremangan** suasana (keadaan) yg remang (kelam, kabur): *mereka bertolak-tolakan dlm ~; pinggir pantai yg diserkup ~ senja.*

**remang IV; ~ panas** sj tumbuhan (pokok renek), *Breynia coronata.*

**remayung** sj tumbuhan (herba), gendola, *Basella spp.*

**remba** Kd, Pn; **beremba, beremba-remba; berjalan** ~ berjalan bersaing(-saingan).

**rembah; ~-rembih** a) bercucuran (air mata); b) tidak rapi (memakai kain dll);

**merembah** meleleh (air mata); **rembih.**

**rembak** Kl, Tr; ~ *itulah* agak-agak itulah, seakan-akan itulah, tempat itulah (agaknya).

**remban** Kd batang kayu kecil (buluh dll) yg dipasang pd titi dll sbg pemegang ketika meniti.

**remban** (rémban) Pr; **meremban** merembat: *nanti kuremban kakinya dgn parang*;

**teremban** terbang (benda); → **rembat**.

**rembang I 1.** titik di langit yg betul-betul di atas kepala kita, kedudukan yg setingginya (matahari, bulan); *matahari ~ = ~ tengah hari* waktu tengah hari tepat (benar); *sebelum ~ tengah hari* sebelum tengah hari; *~ petang* sudah mulai petang, lewat pukul tiga petang; **2.** sl tepat sungguh (waktunya): *segala takwim kitab dibuka, ~lah saat dgn ketika*;

**berembang** merembang;

**merembang**; *hari sudah ~ rembang petang*;

**perembang** Kd, bp mengarahkan (senapang dll ketika hendak menembak dll) dgn setepat-tepatnya.

**rembang II**; *~ panas* sj tumbuhan (pokok sederhana), ceremai burung, mengkirai gajah, ubah kecil, *Glochidion laevigatum*.

**rembas I** ark; *habis ~ habis semuanya, rusak semuanya*.

**rembas II**; **merembas** bercucuran (air mata): *air matanya ~ gugur*.

**rembas III**; **merembas** menghumban (ke bumi), meletakkan dgn kasar (kerana marah dll), menghempas: *lalu dicekik pinggang jin itu dan dirembas ke muka bumi; guni beras itu dirembas ke lantai dgn marahnya*.

**rembat** (rémbat) pukulan dr kanan ke kiri atau sebaliknya dgn rotan yg panjang dll;

**merembat 1.** memukul dr kanan ke kiri atau sebaliknya dgn rotan yg panjang dll; **2.** (dlm permainan bola sepak) menendang (dgn mengayunkan kaki);



**rembatan** **1.** pukul (dgn rotan), rembat; **2.** tendangan (dgn mengayunkan kaki).

**rembega** (rembéga) sj tumbuhan (herba), *Calotropis gigantea*.

**rembes** Jk rembes (meresap masuk atau keluar).

**rembes** (rémbés) **I**; **merembes** **1.** meresap masuk atau keluar (barang cair spt air dll), menitis, tiris: *air matanya masih ~ keluar dgn tidak berhenti-hentinya*; **2.** menyeludup (dgn diam-diam), menyusup: *ia kagum melihat aliran sosialisme radikal mulai ~ ke tanah airnya; pasukan gerila ~ masuk kota*;

**merembeskan** mengalirkan keluar (air mata, hormon, enzim dsb);

**rembesan** **1.** aliran (air mata dll), titisan: *dia berusaha memahami ~ air matanya, dia tidak mahu mengalah pd emosinya*; **2.** (Bio) sebarang bahan spt peluh, enzim, dan air liur yg dihasilkan oleh sel atau kelenjar tubuh utk melakukan fungsi tertentu;

**perembesen** **1.** (Bio) proses menghasilkan rembesan; **2.** penyusupan: *buku dan surat khabar, idea, dll yg telah menerobos atau dlm proses ~ masuk ke dlm negara*.

**rembes** (rémbés) **II** Jw sj penyakit mata (tepi mata merah dan berair).

**rembet** (rémbét) **I** tidak bebas bergerak atau berjalan (kerana banyak pekerjaan atau diekori orang dll), terganggu;

**merembet** menyebabkan tidak boleh bergerak (berjalan) dgn bebas, mengganggu, menghalangi, merintang.

**rembet** (rémbét) **II**; **merembet** **1.** menjalar, merambat (api, penyakit, percakapan, dll): *perbualan itu akhirnya ~ kpd hal-hal peribadi; sekejap sahaja api itu ~ ke estet yg berhampiran*; **2.** = **merembet-rembet** melibat-libat yg lain, sangkut-menyangkut: *perkara rasuah ini merembet-rembet melibatkan beberapa orang pegawai tinggi*;

**merembetkan** melibatkan, menyangkut (perkara dll), membawa-bawa: *perbincangan kita biarlah terhad kpd soal pokok sahaja, jangan rembet-rembetkan soal peribadi.*

**rembih; merembih** meleleh (air mata); → **rembah.**

**rembik; berembik** bergoyang (spt galah atau kayu yg panjang).

**rembuh; ~-rembai** Pr meleleh (air mata); → □ **rembih, rembah.**

**rembuk** bicara, muafakat, nasihat, runding;

**berembuk** berbicara, bermuafakat, berunding: *itulah sebabnya adik diundang, dipinta datang sama ~, memilih berat ringannya;*

**merembukkan** membicarakan, memuafatkan, merundingkan: *kami berkumpul ~ siasat yg akan dipakai;*

**rembukan** pembicaraan, permuafakatan, perundingan: *kalau dia sudi maka ~ itu biarlah disempurnakan di belakang; kami orang di rumah menyempurnakan ~ itu sematang-matangnya;*

**perembukan** perbuatan atau hal berembuk atau merembukkan.

**rembulan** Jw bulan.

**rembunai** sl sedang (besarnya atau tingginya), sederhana: *tubuh kecil rendah ~.*

**rembung** Kl dubur yg terkeluar pd pesakit buasir.

**rembut I; terembut-rembut** berkelip-kelip, berkedip-kedip (nyala api dll): *pelita-pelita itu menyala ~.*

**rembut II** Jw; **berembut-rembut** berdahulu-dahuluan hendak melihat dll, berebut-rebut.

**rembut III;** *kayu ~* sj tumbuhan (pokok renek), janggut baung, jintik-jintik, rambutan siamang, *Rinorea anguifera (Alsodeia enchinocarpa).*

**remedi** (rémédi) (Udg) cara bagaimana pelanggaran hak dicegah, ditangani dan dipampasi.

**remeh** (réméh) tidak penting, tidak mustahak, tidak berharga: *masalah itu tidak boleh dipandang ~; ~-cemek* ark remeh-temeh;

**meremehkan** menganggap remeh (tidak penting, kecil, dll), mengabaikan, menghinakan: *kita tidak mengatakan bahawa kita harus ~ kekuatan musuh;*

**keremehan** perihal remeh (kecil, tidak berharga, tidak penting, dll): *seorang rahib dr Najran berkhutbah-khutbah memperkatakan ~ hidup dunia serta kebesaran hidup akhirat.*

**remeh-temeh** tidak mustahak, tidak penting, tidak berharga: *orang yg tidak suka kpd segala perkara yg ~;*

**meremeh-temehkan** meremehkan: *kecenderungannya memegah-megahkan satu pihak dan ~ pihak lain;*

**remenia** sj tumbuhan (pokok dan buahnya yg boleh dimakan), gondongan, kondongan, kundang(an), rembunia, rumia, setar, *Bouea macrophylla.*

**remet** (rémét); **meremet** bercakap tidak menentu, merepek.

**remia** → □ **remenia, rumia.**

**remiak**; *riak-~*; → **riak I.**

**remis I** sj kepah (kijing) yg boleh dimakan (biasanya dikorek dr dlm pasir di tepi pantai).

**remis II** IB, bp tidak ada yg kalah atau yg menang (dlm permainan catur), seri.

**remisier** (rémisier) orang yg bekerja di firma broker utk menjual dan membeli saham di pasaran saham bagi pihak pelabur dgn memperoleh komisen.

**remoh** (rémoh) Mn renyuk, kepang-kepot.

**remos** (rémos) sj potongan rambut lelaki (yg disikat dan dibentuk spt ombak atau balung);

**beremos** mempunyai rambut potongan remos.

**rempa** ark; **merempa** melanggar, menempuh, merempuh: *beberapa pun dipasang orang meriam, dirempa juga lalu masuk ke dlm.*

**rempah I** bahan perisa makanan yg terdiri drpd kulit kayu manis, cengkih, buah pelaga, jintan manis, dll.

**rempah II** benda yg dimasukkan dlm masakan (gulai dll), bumbu: *gulai ini cukup ~nya; ~-pawah = ~-perawis = ~-piah* berbagai-bagai macam rempah; *~-ratus* a) berbagai-bagai macam rempah; b) sj jamu drpd bermacam-macam campuran; c) ki berbagai-bagai pengalaman hidup (pahit manis, suka duka);

**rempah-rempah** berbagai-bagai macam rempah;

**merempahi, merempah-rempahi 1.** memasukkan rempah, mencampuri dgn rempah: *ia pandai ~ berbagai-bagai masakan; 2.* ark mengharumkan dgn bau-bauan, meraksi: *~ mayat* melumur mayat dgn minyak dll supaya tidak lekas hancur;

**perempah** barang-barang yg dipakai utk merempahi: *lada hitam ~ daging.*

**rempah III;** *~ gunung* sj tumbuhan (pokok renek), cucur atap, *Baeckia frutescens.*

**rempah** (rémpah); *rebah-~* jatuh berguling-guling, rebah terguling-guling.

**rempak I; berempak** bersama-sama maju atau bergerak, berderet sejajar;

**serempak** bersama-sama, serentak: *berlaku ~; datang ~; ketawa ~; ~ dgn itu* serentak dgn itu;

**menyerempak** melanggar (mengerjakan dll) serentak (bersama-sama);

**keserempakan** perihal (keadaan) serempak, keserentakan.

**rempak II → rampak II.**

**rempak** (rémpak) sumbing, sompek (pisau dll).

**rempang** Kd, Pn; ~ *bahasa gila-gila bahasa*, tiga suku.

**rempang** (rémpang); ~-*rempong* luka-luka (badan), koyak-rabak (pakaian).

**rempat** (rémpat); **merempat** **1.** terhempas ke batu karang (perahu); **2.** membawa (diri) ke mana-mana, melarat: *akhirnya dia ~ ke Singapura*; ~*lah dia entah ke mana*.

**rempelas** empelas; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok menjalar yg daunnya boleh digunakan sbg penggosok kayu dll), *Tetracera scandens*.

**rempelu** Jw empedu.

**rempenai** sj tumbuhan (pokok kecil yg daunnya dibuat ubat kudis), *Ardisia humalis (coriacea)*.

**rempenang**; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok menjalar), akar pahit, akar terung kemang, akar terung kemar, *Cyclea peltata (laxiflora)*.

**rempeyek** (rempéyék) sj makanan yg dibuat drpd tepung beras dan kacang tanah, dan digoreng berkeping-keping.

**rempit** Pr; **merempit** menyebat dgn rotan dll, menyesah.

**rempoh** (rémpoh) Ph; **merempoh** menjatuhkan orang dll dgn menggalangi kakinya.

**rempong** (rémpong) terikat kakinya;

**merempong, merempongan** mengikat kedua-dua belah kakinya: *maka Terung Pipit pun segeralah berlari-lari, dirempongan kaki Tak Rancang Besi itu*; **rimpung**.

**rempuh; berempuh-rempuh, berempuh-rempuhan** berasak-asakan (berebut-rebut) hendak mendahului: ~ *membeli tiket*; *Pak Mat berempuh-rempuhan dgn penumpang-penumpang yg berebut tempat duduk*;

**merempuh** menempuh (mencari jalan dll) dgn paksa, mengharung, menyerbu: *kami ~ masuk*; *kami berjalan ~ orang*

*ramai*; ~ *rintangan kawat berduri*; ~ *maut* tidak mempedulikan keselamatan jiwa;

**rempuhan** desakan, langgaran, serbuan: *semuanya lari bercempere kerana menghindarkan diri drpd ~ lembu*; rambutnya kusut kerana ~ *di pintu bas*.

**rempung**; *se~* seberkas, seikat, setangkai (buah-buahan).

**rempus**; **merempus** mengikat keempat-empat kaki binatang (yg akan disembelih); → □ **rapus I**.

**remujung** sj tumbuhan (herba yg digunakan sbg ubat kencing manis), kumis kucing, misai kucing, *Orthosiphon grandiflorus*.

**remuk** = ~-*redam* hancur (pecah) menjadi kecil-kecil, hancur luluh (larut), hancur berkecai-kecai: *gelas itu dihempaskannya ke lantai, ~*; *kereta itu ~ di bahagian tepinya*; ~ *hati (perasaan)* hancur luluh rasa hati, sedih sekali;

**meremukkan**, **meremuk-redamkan** menghancurkan, merosakkan: *tekanan udara yg ~ dinding tin itu*; *berita sedih itu ~ hatinya*;

**keremukkan** perihal atau keadaan remuk.

**remung** sj ikan laut, *Lutianus lineolatus*.

**remunggai** lemunggai.

**remut**; **meremut** bp tersangat banyak: ~ *manusia di padang itu*; ~ *semut makan gula*.

**Ren.** kep Rendah: *Sek. ~ Hulu Kelang*.

**rena** ark rona, warna.

**renai** Mn; *hujan ~~~* gerimis, hujan renyai-renyai, hujan rintik-rintik; → **renyai**.

**renaisans** (rénaissans) kelahiran semula sesuatu, terutamanya yg berkaitan dgn bidang seni: ~ *kebudayaan*.

**renak** Pr; *pepak* ~ bersepah-sepah, terserak-serak (barang, sampah, dll).

**renal** (rénal) (Ubat) berkaitan dgn buah pinggang: *arteri* ~.

**renang I**; *kolam* ~ kolam utk berenang; *lumba* ~ perlumbaan berenang (sukan);

**berenang** bergerak dgn tangan dan kaki dll di air: *ikan* ~ *dlm air*; *acara-acara sukan itu ialah lumba lari, mendayung sampan, menembak, ~*;

~ *kodok* Id suatu cara berenang, gaya dada; ~ *menelentang* berenang dgn badan yg menelentang; *mengajar itik* ~ prb perihal membuat sesuatu pekerjaan yg sia-sia;

**berenang-renang** berenang ke sana sini: *beberapa ekor anak itik kelihatan sedang* ~ *di dlm kolam itu*;

**merenangi** berenang di (ke): ~ *orang lemas*; ~ *laut lepas* prb perihal pergi ke negeri lain dgn tiada tentu tujuan;

**merenangkan** membawa berenang, membiarkan berenang: *Benderang dititahkan baginda* ~ *rantai terlalu besar, maka direnangkan oleh Benderang dgn Badang rantai itu*;

**renangan** gerakan (perbuatan, gaya dsb) berenang: *Si Hitam mengikut* ~ *ikan itu yg bergerak dgn kepayahan pd tempat yg cetek itu*;

**perenang** ahli sukan renang, ahli renang.

**renang II**; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), ubah paya, ubah merah, samat tebangau, *Glochidion brunneum*.

**renardit** (rénardit) (Kim) mineral yg mengandungi plumbum, uranium dan fosforus.

**rencah I**; **merencah 1.** berjalan menempuh lumpur (becak dll), menginjak-injak: *ia terhuyung-huyung* ~ *air sawah*; **2.** ki menempuh atau mengharungi (bahaya dll): *sepanjang hidupnya ia* ~ *kesusahan*; **3.** = ~ *sawah menyuruh kerbau menginjak-injak tanah di sawah hingga jadi gembur, melunyah sawah: tanah*

*sawahnya direncah oleh berpuluh-puluh ekor kerbau yg ditambat di situ;*

**terencah 1.** terlangkahkan; **2.** sudah direncah, terinjak.

**rencah II = perencah** campuran berbagai-bagai barang atau rempah supaya masakan menjadi lebih sedap: *~~~ utk membuat rendang hati; terung panjang buat perencah gulai ikan kering;*

**merencah** mencampur lauk dll.

**rencah III; merencah 1.** tidak tetap pendirian (pekerjaan, fikiran, dll), selalu bertukar-tukar (pendirian, fikiran, dll), lincah; **2.** mengerjakan bermacam-macam pekerjaan serentak (tetapi tidak ada yg selesai atau sempurna).

**rencah** Kd giat, tangkas; → **rancak I.**

**rencam I; merencam** tidak terang atau tidak jelas kelihatan, mengaburkan mata (kerana terlalu halus dll).

**rencam II 1.** = **rencaman** campuran drpd pelbagai macam; **2.** (terdiri) drpd pelbagai macam; *kecekapan Pak Mustafa ~ juga; makanan yg ~ makanan yg terdiri drpd pelbagai macam bahan;*

**kerencaman** perihal rencam (terdiri drpd pelbagai macam), kepelbagaian: *~ dan kepelbagaian corak bahan cerita rakyat.*

**rencana 1.** sl cerita, karangan, kisah: *ia giat dlm menulis esei-esei dan ~~~ ringan; ~ pengarang = tajuk ~ karangan (terutama dlm surat khabar, majalah, dll) yg merupakan pendapat suratkhabar atau majalah itu; 2.* catatan mengenai perbincangan dlm mesyuarat dll, laporan, minit: *dia sedang menyiapkan ~ mesyuarat yg lalu; 3.* rangka sesuatu yg akan dikerjakan, buram, pelan, rancangan: *kami membuat ~ kota teladan; pemerintah telah tahu tentang ~ pemberontakan; 4.* acara (pembicaraan), agenda, jadual, program: *perkara ini termasuk dlm ~ yg akan kita rundingkan kemudian;*



*kami berangkat kembali ke Aceh menurut ~ yg telah diatur terlebih dahulu; 5. buram (surat), konsep, naskah (surat), draf, rang: beri saya ~ surat itu sekarang juga; 6. perkataan (ayat dll) yg dibacakan oleh seseorang supaya ditulis oleh yg lain, imlak: semasa latihan ~ dijalankan, pelajar-pelajar mestilah mendengar dgn baik dan menulis apa yg sedang guru bacakan;*

*~ Colombo rancangan bantuan teknik antarabangsa; ~ kerja rancangan pekerjaan yg akan dilaksanakan; ~ lima tahun Id rancangan pembangunan yg harus dilaksanakan dlm masa lima tahun;*

**berencana** dgn rencana, berancang;

**merencana** sl bercerita;

**merencanakan** **1.** mengarang (cerita dll), menghuraikan, menceritakan: *maka adalah kurencanakan dalamnya dr zaman moyangku sampai ke masa aku; tidak dapat kurencanakan bagaimana rasa hatiku, marah, sedih, benci, dll; tidak semua kejadian yg direncanakan dlm cerita ini sebenarnya berlaku; 2.* menyusun laporan (keterangan, minit, dll): *hasil tinjauan tentang kemahuan penduduk Malaysia Timur yg direncanakan oleh rombongan peninjau Bangsa-Bangsa Bersatu dlm laporannya kpd U Thant, diterima baik oleh Kuala Lumpur; 3.* menyusun atau membuat rancangan (program dll), merancang: *ia meminta kepadaku utk ~ suatu projek perumahan Bupati; dua jurusan penggempuran direncanakan, pasukan Amerika mendarat di Afrika Barat dan Inggeris di Mesir; 4.* mengucapkan perkataan (ayat dll) supaya ditulis oleh orang lain: *apa yg direncanakan oleh pengurus itu ditulis oleh setiausahanya dlm tulisan trengkas;*

**terencana** terancang: *skim ini bertujuan utk mengendalikan program terjemahan secara ~;*

**perencanaan** perihal merencanakan, perancangan: *pelajaran yg menjadi kegemaranku ialah ~ kota; namun begitu hasilnya kurang memuaskan dr segi keaktifan dan ~;*

**perencana** **1.** sl penyusun cerita (kisah, huraian, dll); **2.** orang dll yg merencanakan, perancang.

**rencang** bunyi yg keras (spt gerencang).

**rencang** (réncang) Jw kawan, pembantu, pengikut, pengiring.

**rencat; merencatkan** menyebabkan terbantut atau terhenti, membantutkan: *racun kulat boleh ~ pertumbuhan miselium, percambahan spora, dan pembiakan seks kulat;*

**terencat** terbantut, terhenti, tertahan: *kerjanya ~ kerana air pasang; ~ akal tidak normal keupayaan atau perkembangan mentalnya disebabkan faktor tertentu (bkn seseorang, terutamanya kanak-kanak); ~ otak terencat akal;*

**keterencatan** perihal atau keadaan terencat;

**kerencatan** perihal (keadaan dsb) terencat (terbantut dsb), kebantutan: *kanak-kanak itu biasanya dilahirkan tidak cukup bulan dan mengalami ~ pertumbuhan; ~ akal keadaan atau keupayaan mental seseorang yg tidak berkembang dan berfungsi secara normal, yg biasanya ditandai ciri-ciri tertentu.*

**perencatan** perihal merencatkan, perihal terencat (terbantut): *~ pertumbuhan jika berterusan lambat-laun akan membunuh kulat juga;*

**perencat** sesuatu yg merencatkan sesuatu yg lain; □ **bencat, gencat.**

**renceh** (réncéh) **I** kecil (dipakai utk beberapa perkataan sahaja); *selar ~ ikan selar yg kecil; reneh.*

**renceh** (réncéh) **II** kelebihan, sisa.

**rencek** (réncék) Jh mengada-ada.

**renceng** (réncéng) **I** panjang lampai, tinggi kurus, tidak berlabu betis (pd kaki): *potongan badannya kecil ~.*

**renceng** (réncéng) **II** Jk; **serenceng**, **serencengan** seuntai (manik, mercun, dll), serenting;

**rencengan** rentengan, untaian (mercun dll).

**renceng** (réncéng) **III** ark; ~ *mulut* sangat mudah bercakap-cakap, ramah.

**rencet** (réncét) **I** Jh; **terencet-rencet** terkinja-kinja, terloncat-loncat.

**rencet** (réncét) **II** ark; **berencetan** berangkaian, berentetan, beruntun-runtun; → **rentet**.

**rencik** recik.

**rencing** bunyi berdencing-dencing;

**merencing** berbunyi berdencing-dencing: *Laidin bertanya dr atas basikalnya yg ~ itu; → gemerencing.*

**rencis** renjis.

**rencong** (réncong) **I** sj badik (Acheh).

**rencong** (réncong) **II** rancung (keratan atau potongan), serong; *pepat di luar ~ di dalam* prb orang yg lahirnya baik tetapi di hatinya jahat;

**merencong** **1.** memotong (mengerat, membuat) rencong: *dahan-dahan yg besar hendaklah direncong supaya pangkalnya serong dan tajam, dan mudah hendak dipacakkan; 2.* meruncing: *menara yg indah ukirannya dan bumbung yg ~ ke atas;*

**kerencongan** perihal (keadaan, potongan dsb) rencong: *~ itulah yg menyebabkan ia tahu bahawa sebenarnya di situlah tempat benda yg dicarinya disimpan.*

**renda** (rénda) sj kerawang yg biasa dipasang di tepi baju (bantak dll);

**merenda** membuat (mengait, menekat) renda: *lepas sekolah ia dipingit, lalu diajar ke dapur, menjahit, dan ~.*

**rendah I** 1. tidak jauh jaraknya dr bawah, tidak tinggi (lwn tinggi): *bangunan yg ~; pokok yg ~; ~ rebunai sedang (saja) rendahnya (badan orang)*; 2. tidak nyaring, lembut, perlahan (suara dll): *suara yg ~*; 3. = ~ *hati* suka merendahkan diri, tidak angkuh (sombong, bongkak), baik hatinya: *dia orang kaya yg ~ hatinya*; 4. tidak mulia (budi hati), hina, aib, nista: ~ *budi*; ~ *akhlak*; 5. tidak mahal (harga), murah: *harga getah terlalu ~ sekarang*; 6. tidak banyak, kecil, sedikit (pendapatan dll): *golongan yg berpendapatan ~*; 7. (taraf) permulaan; *sekolah (pendidikan) ~ sekolah (pendidikan) permulaan*; *mahkamah ~ mahkamah permulaan*; 8. tidak tinggi atau tidak penting (kedudukan, pangkat, dll), tidak istimewa, kecil: *bagi remaja yg sentiasa dipandang ~ dan dianggap tidak berguna, mereka tidak nampak sebarang kebaikan dlm diri mereka sendiri*; *pegawai ~ pegawai kecil (tidak penting, tidak tinggi)*; ~ *pangkatnya (darjatnya, mutunya) tidak tinggi pangkatnya (darjatnya, mutunya)*; *orang ~ orang biasa yg tidak berpangkat*; *berpangkat ~ berpangkat kecil*; 9. kurang baik (mutu dll): *barang-barang yg bermutu ~*; 10. tidak maju lagi: *keadaan hidup (ekonomi) yg masih ~ di negara itu*; ~ *di anjung tinggi, kecil di ombak besar* prb perihal sifat raja di Minangkabau yg diangkat dan ditinggikan oleh rakyat dgn kata muafakat;

**merendah** 1. menjadi rendah, menurun: *bulan separuh sudah ~ di kaki langit*; *ayahnya sedang tidur, dengkurnya ~*; *suara yg ~*; ~ *benar rezeki Marah* sangat menguntungkan (dr segala yg dikerjakan); 2. rendah hati, tidak angkuh (sombong, bongkak): *sifatnya yg selalu ~ itu mendatangkan kawan yg banyak kepadanya*;

**merendahkan** 1. menjadikan rendah, menurunkan: *badannya direndahkan supaya tidak dilihat orang*; ~ *suara* menurunkan

(melembutkan) suara; **2.** memandang atau menganggap rendah (hina, tidak penting, dll), mengecil-ngecilkan: *ia tidak suka ~ orang lain; ia merasa tidak senang dgn perkataan-perkataan yg ~ Malaysia;*

~ diri a) membongkok supaya rendah; b) = ~ hati memandang (menganggap) diri sendiri rendah, tidak menyombongkan diri; ~ mutu mengurangkan mutu (nilai); ~ rezeki menurunkan (memberi) rezeki;

**merendahkan** memandang atau menganggap rendah (hina, tidak penting, tidak bernilai, tidak berkemampuan, tidak berkualiti dsb) terhadap seseorang atau sesuatu, mengecil-ngecilkan: *menangkis sikap suka ~ kemampuan wanita;*

**rendahan** yg rendah (tidak penting) pangkatnya atau kedudukannya, bawahan: *dia pegawai ~ di jabatan itu;*

**kerendahan** **1.** rendah letaknya (duduknya): *tanah yg ~;* **2.** perihal rendah; ~ budi kehinaan, kenistaan; ~ hati sifat rendah hati (tidak sombong); **3.** direndahkan oleh: *dia pantang ~;*

**perendahan** perihal (perbuatan dsb) merendahkan, perihal (proses dsb) merendah.

**rendah II;** *riuh*~ riuh gemuruh, sangat riuh.

**rendam; berendam** **1.** berada di dlm air dll: *jangan dibiarkan kain ~ lama-lama dlm air; mandi ~ di sungai;* **2.** = **terendam** tenggelam (dlm air), terbenam (dlm air), tergenang (dlm air): *tanah yg sudah ditenggala itu dibiarkan ~ selama beberapa hari;* **3.** = **terendam** ki tidak berbuat kerja, tinggal di rumah sahaja, terbenam (dlm sesuatu hal pekerjaan dll): *buat apa dia ~ di rumah sahaja?;* ~ air mata tergenang dlm air mata, selalu menangis; ~ sesajak air, berpaut sejengkal tali prb perihal seseorang yg susah hidupnya (serba kekurangan);

**merendam 1.** menaruh sesuatu di dlm air dll beberapa lamanya: *padi itu direndam di dlm air, kemudian diwap, dijemur, dan dikeringkan; melemaskan lipas dgn ~nya dlm air;*

**merendamkan** menjadikan digenangi (air dll): *sawah itu direndamkan dahulu; direndam tak basah* prb a) sangat licin (tidak mudah dikalahkan, ditipu, dll); b) belum ada keputusannya (perkara); c) orang yg degil atau kikir;

**terendam 1.** sudah direndam; **2.** terbenam dlm air, tergenang; **3.** ki tinggal lama di rumah (di suatu tempat dll); *~ sama basah, terampil sama kering* prb sama-sama mahu mengerjakan sesuatu pekerjaan (baik ringan mahupun berat), sangat setia;

**rendaman** (Kim) bekas yg dipenuhi air (pasir, minyak, dll) utk memindahkan haba secara seragam kpd objek yg diletakkan ke dalamnya;

**perendaman** perbuatan dsb merendam (menaruh dlm air).

**rendang 1.** goreng; *pisang ~ pisang goreng; ~ kasturi* kuih kasturi, kuih rengas; **2.** sj lauk yg dibuat drpd daging dll yg dirempah-rempahi (dibubuh santan dan dimasak sampai kering): *~ Johor; ~ Padang;*

**berendang** yg direndang; *termakan cirit ~* prb termakan ubat guna-guna maka dikuasai orang;

**merendang 1.** menggoreng: *~ ikan;* **2.** memasak hingga kering dgn santan, memasak rendang; **3.** menggoreng tanpa minyak: *~ bertih; ~ biji kopi;*

**perendangan** periuk (belanga dll) yg dipakai utk merendang.

**rendang** (réndang) **I** rendah dan banyak daun serta cabangnya: *di bawah pokok kayu yg ~ kelihatan sepasang manusia;*

**merendang** menjadi rendang: *pokok itu tidak mungkin tumbuh ~ sepenuhnya;*

**merendangkan** menjadikan rendang: *dahan-dahan tertentu perlu dicantas utk ~ pokok itu;*

**rendangan** daun yg rendang: *ia dilindungi oleh ~ pokok ceri;*

**kerendangan** perihal, keadaan atau sifat rendang: *~ pohon-pohon di situ dapat dijadikan tempat berteduh drpd pancaran matahari yg terik.*

**rendang** (réndang) **II** Kd; **merendang** meratib saman.

**rendang** (réndang) **III** Kd sj perahu yg sempit lagi rendah.

**rendap** Pr; **merendap** menenggelamkan sebahagian badannya dlm air.

**rendeng** Jw musim hujan, musim tengkujuh.

**rendeng** (réndéng) Jk; **berendeng, berendeng-rendeng** berderet(-deret), berturut-turut, beruntun(-runtun): *berjalan ~.*

**rendet** Jw tidak lancar (licin), sempit, sendat.

**rendidih 1.** (hidangan) daging, sayur dsb yg direbus perlahan-lahan di dlm periuk yg bertutup; **2.** kaedah memasak dgn merebus daging, sayur, buah dsb dgn api yg perlahan di dlm periuk yg bertutup; **merendidih** merebus daging, sayur, buah dsb dgn api yg perlahan di dlm periuk yg bertutup.

**rendong** (réndong) Mn; *terbawa ~ = terendong* tersangkut (terbabit) dlm perkara dll, terbawa-bawa: *namanya terbawa ~ dlm perkara rasuah itu.*

**renduh; merenduh 1.** terlalu banyak barang (barang perhiasan yg dipakai dll); **2.** terlalu lebat (buahnya).

**reneh** (réneh) **I**; **mereneh** mendidih.

**reneh** (réneh) **II**; **mereneh** meleleh (air mata dll): *matanya ~;*

**renehan** lelehan (air mata, peluh).

**renek** (rének) **I** pendek, rendah: *budak ~; anjing itu jenis ~; pokok ~ pokok yg kecil dan berbatang keras.*

**renek** (rének) **II**; **merenek** gementar, menggeletar (suara).

**renet** (rénet) bahan yg digunakan utk mengentalkan susu, terutamanya dlm pembuatan keju.

**reng** (réng) **I** Jw bilah (buluh, kayu) yg dipasang pd kasau; → **rengrengan**.

**reng** (réng) **II** sj burung; → □ **hering**.

**reng** (réng) **III** Kd, Kl kudrat, tenaga; *ada* ~ ada tenaga, larat; *tidak ada* ~ tidak ada tenaga, tidak larat; **riang III**.

**renga** ulat kecil-kecil yg putih (dan akan menjadi lalat dll);

**berenga** sudah dihinggapinya renga, ada renga padanya: *daging itu sudah* ~.

**rengadean** (rengadéan) Id sj tumbuhan (pokok yg kayunya boleh dibuat bahan rumah dll), *Ploiarum alternifolium*.

**rengah** → **engah**.

**rengak** sl; **merengak** berbau keras (sehingga menusuk hidung).

**rengan** sj tumbuhan (palma), salak hutan, *Zalacca glaborescens*.

**rengap** ark; **berengap**, **merengap** (ter)mengah-mengah (kerana lelah, penat, dll);

**perengap** jampi (mantera) utk menundukkan lawan;

**memperengap** membuat (dgn menggunakan jampi dll) supaya lawan atau musuh tunduk kpd kita.

**rengas I 1.** = ~ *api* sj tumbuhan (pokok), kembang benang, pokok laga, *Melanochyla tomentosa*; **2.** = ~ *ayam* sj tumbuhan (pokok), *Gluta elegans*; **3.** = ~ *air* = ~ *tembaga* sj tumbuhan (pokok), *Gluta renghas*; **4.** = ~ *air* sj tumbuhan (pokok), *Gluta velutina*; **5.** = ~ *kerbau jantan* sj tumbuhan (pokok), *Gluta wrangi*; **6.** = ~ *manuk* = ~ *air* = ~ *paya* sj tumbuhan (pokok) sumpah biawak, *Melanorrhoea wallichii*;



~ *ayam* = ~ *pasir* sj tumbuhan (pokok), pauh hutan, *Buchanania sessilifolia*; ~ *lanjut* sj tumbuhan (pokok), *Buchanania lucida*; *minyak* ~ varnis (diperoleh drpd pokok rengas);

**merengas** memvarnis, menggilapkan (dgn varnis).

**rengas II**; *kuih* ~ sj kuih yg dibuat drpd kacang hijau (yg telah dimasak, dikepal, dicelup tepung, dan digoreng), kuih kasturi.

**rengat I** retak; ~ *hati* sakit hati.

**rengat II** Mn; **merengat** keluar peluh (lahar dll), meleleh, menitik: ~ *peluh di keningnya*.

**rengat III**; **merengat-rengat** rasa sakit di dlm perut yg mencerut-cerut (sebelum dan sesudah melahirkan bayi).

**rengau I** → **perengau**.

**rengau II** Kd mencakar: *kucing* ~ *budak itu*.

**rengéh (réngéh) I**; **merengéh** meringkik (kuda).

**rengéh (réngéh) II**; *tua* ~ = *tua merengéh* tua amat.

**rengék (réngék)**, **rengekan** tangis (sungut, gerutu, dll) yg meleret-leret (oleh kanak-kanak yg menghendaki sesuatu dll): *tak sanggup ia mendengar* ~ *adiknya meminta-minta*; *rengekan anaknya tidak henti-henti*;

**merengék**, **merengék-rengék** selalu menangis, merungut-rungut, menggerutu: *anaknya yg berumur tiga tahun merengék-rengék meminta makan*.

**rengga (réngga)** sl tempat duduk di belakang gajah; **rangka II**, **rengka**.

**renggah** Kd besar (ketawa dll), banyak, sangat; *dia* ~ *gelak* dia gelak besar; ~ *makan* makan banyak.

**renggam** sj tuai; *berhenti* ~ *hari* berehat masa sedang menuai (perayaan).

**renggang I 1**. tidak berapa rapat, tidak tertutup benar, ada sela-selanya, dll: *apabila panas terik, papan-papan dinding rumah menjadi* ~;

2. agak berjauhan, kurang erat (persahabatan dll), kurang karib: *maka timbullah suatu pertengkaran yg membuat mereka semakin ~; anak kecil itu sudah tidak hendak ~ dr ayahnya lagi;* 3. antara, selang: *ada kira-kira ~nya setahun dr perang Kedah itu maka Raja Kecil datang pula melanggar Riau;* 4. jarak(nya), jauh(nya), beza(nya): *lain pula keadaannya di negeri kami, ~nya hampir-hampir sebelah dunia; kehidupan anak-anakku dibandingkan dgn kehidupanku macam bumi dgn langit ~nya;*

**berenggang** berantara, berjauh, berpisah: *kedua-duanya tidak pernah ~; biar masa ~ sedikit utk pergi memujuk isteriku pulang ke rumah;*

**merenggang** menjadi renggang (jauh dll): *perhubungan antara dua manusia itu sudah ~;*

**merenggangi** menjauhi (supaya renggang): *kenalan-kenalannya makin lama makin ~ dia;*

**merenggangkan** menjadikan renggang: *~ persahabatan; ~ tulisan; ia ~ tangannya melepaskan budak itu; ia mencuba ~ dirinya dr budak-budak yg ramai itu; tidak ada sesuatu yg dapat ~ silaturrahim kedua-dua belah pihak;*

**memperenggang** menjadikan lebih renggang;

**terenggang** terbuka: *pintu itu ~ sedikit;*

**kerenggangan** perihal renggang: *aku mengerti kenapa antara dua teman itu timbul ~ dan ketegangan;*

**perenggangan** perbuatan (proses) merenggangkan sesuatu;

**perenggang;** *~ waktu* ark perintang waktu.

**renggang II; merenggang;** *~ gawai* (Palembang) ark memperkosa perempuan, merogol.

**renggat** garis-garis berlingkar pd tanduk atau batang kayu.

**renggeh** (rénggéh) Kl tinggal sedikit sahaja lagi (buah-buahan di pokok): *buah rambutan itu dah ~ direlas budak-budak jahat;*

**kerenggehan** keadaan renggeh: *yg terpampang jelas hanya ~.*

**renggek** (rénggék); **merenggek**, **merenggek-renggek** merengek-rengkek, meminta-minta dgn mendesak, menangis-nangis kerana menghendaki sesuatu; **rengkek**.

**rengges** (rénggés) ark → **ranggas**.

**renggut**; **merenggut** **1.** menarik (mengambil, mencabut, menyentak, merebut) dgn kekerasan, merampas: *perompak itu ~ beg dr tangannya; Ratna dgn tiba-tiba ~ surat khabar yg sedang dibaca Mansor;* **2.** meraih, merengkuh: *~ dayung; ~ kaki menarik-narik kaki, hampir mati;*

**merenggut-renggut** merenggut beberapa atau berulang kali, menarik-narik: *dia ~ rambutnya spt orang kemasukan syaitan;*

**renggutan** sentakan (tarikan) yg keras atau kuat, rampasan.

**rengit** sj nyamuk kecil, agas, gegat.

**rengka** sl tempat duduk di belakang gajah; → **rengga**.

**rengkah** rekah, belah, retak: *dinding rumahnya telah ~; rerak ~ rosak dan pecah-pecah;*

**merengkah** menjadi retak, merekah, (ber)belah: *tanah sawah ~ kerana kemarau kuat;*

**rengkahan** belahan, rekahan, tetakan: *ada kelipan api yg spt mahu menyelina keluar dr ~ dinding-dinding buluh.*

**rengkam** sj tumbuhan (rumpai yg biasanya terdapat pd batu karang), rumput karang, *Sargassum spp.*

**rengkat** (réngkat) Kd, Pn pincang, tempang (kakinya); *kaki ~ kaki pendek sebelah (maka jalannya pincang); berjalan ~ berjalan pincang (tempang).*

**rengkau** Pr; **merengkau** menangis, meratap.

**rengkeh** (réngkéh) ark; **merengkeh** bengkok belakang (kerana beban yg berat dll), membengkok, meliuk;

**terengkeh-rengkeh** terbengkok-bengkok (kerana memikul beban): ~ *adik mendukung Shan*.

**rengkek** (réngkék) I Kd → □ **rengkeh**.

**rengkek** (réngkék) II tidak subur tumbuhnya (orang, tanaman).

**rengkel** (réngkél) ikatan atau rangkaian (buah-buahan dll) yg kecil: *se~ manggis*;

**berengkel, berengkel-rengkel** berangkai-rangkai (buah-buahan), berekoran (orang berjalan): *berengkel-rengkel manggis itu digantung; mereka berjalan berengkel-rengkel*;

**merengkel** membuat (mengikat, berjalan) berengkel-rengkel.

**rengket** (réngkét) Jk; **merengket** menggigil, menggeletar ketakutan.

**rengkiang** tempat menyimpan padi, baluh, jelapang, kepuk, lumbung;  
**kerengkiang**.

**rengkinang** sj tumbuhan (pokok), kemesu, medang biawak (teja, telur), sepah puteri, *Elaeocarpus floribundus*.

**rengkit** Mn berasa kaku atau pegal (tulang sendi dll).

**rengkuh; merengkuh** menarik (mendekatkan) ke arah diri sendiri, meraih, merenggut: *direngkuhnya anak itu, diusap kepalanya lalu dibawa pergi mandi; direngkuhnya besi palang itu hendak digoncangnya*;

~ *orang membujuk-bujuk orang*; ~ *untung mencari untung*;

**rengkuhan** tarikan (yg kuat): *agaknya lebih kuat lagi ~ yg menarik manusia membelakangkan Allah SWT*;

**perengkuh** alat utk merengkuh (merenggut).

**rengkuk** sj tumbuhan (pokok renek atau pokok kecil), medang gambut (kertau, pacat), *Rinorea anguifera*.

**rengkung I** sj tumbuhan (pokok yg agak besar), mentasawa, mersawa, *Anisoptera curtisii*.

**rengkung II 1.** pembuluh (pd leher) yg menyalurkan makanan masuk ke dlm usus besar: *~nya bergerak ke bawah menolak ubat-ubat yg baru ditelan*; **2.** lekum, tenggorokan; → **kerongkong**.

**rengrengan** (rénggréngan) Jw buram, konsep, rangsangan, rencana.

**rengsa** (réngsa) **I 1.** lemah badan, tidak bertenaga, berasa malas, segan (tidak bernafsu dll); **2.** gatal-gatal, pedih, tidak selesa, sakit dsb pd sesuatu bahagian tubuh: *kadangkala mata mungkin menjadi ~; hemoroid menyebabkan salur darah di sekitar dubur kembang dan ~*; **3.** (Bio) berupaya bergerak balas terhadap rangsangan spt sentuhan, cahaya dan haba (bkn organisma hidup): *nyamuk itu ~ terhadap DDT yg disembur di dlm rumah hingga menyebabkan ia tidak hinggap lama pd dinding*;

**merengsa** bermalas-malas, berasa malas (utk bekerja dll);

**merengsakan** menyebabkan berasa tidak selesa (gatal-gatal, pedih, panas, sakit dsb): *lampin jenis ini boleh juga ~ kulit kanak-kanak jika ia tidak serasi dengannya; pendedahan dlm jangka masa pendek boleh ~ mata, hidung dan kerongkong*;

**kerengsaan 1.** rasa lemah badan (tidak bertenaga), kelesuan; **2.** keadaan atau rasa gatal-gatal, pedih, merah, panas dsb pd sesuatu bahagian badan, iritasi: *ini akan menimbulkan ruam dan ~ pd kulit; tempat suntikan yg berulang-ulang boleh menyebabkan ~*; **3.** mengalami keadaan rengsa: *perbezaan ini kelihatan kecil, tetapi sebenarnya kulit bayi lebih mudah terjejas, mudah ~ dan terdedah kpd kerosakan*;

**perengsa** bahan atau unsur yg merengsakan: *semut yg menggigit mengeluarkan cecair ~ pd tempat gigitannya; asap rokok sbg*

*bahan ~ perlu disingkirkan sama sekali drpd lingkungan pesakit asma.*

**rengsa** (réngsa) **II**; ~ *sengsara* = *remuk* ~ menderita kesusahan hidup, berasa sangat sengsara.

**renguh**; **merenguh** **1.** berdengkur; **2.** Kd berbunyi spt bunyi lembu, mengeboh; **3.** Kd, bp menangis (agak kuat): *budak ini asyik ~ sahaja, bagi makan tak hendak; dah besar gajah pun nak ~ lagi.*

**rengus**; **merengus** bersungut atau berbuat sesuatu dgn keras dan kasar serta muka yg masam kerana marah, tidak senang hati dsb: *"Celaka budak ini," Bidin ~ sambil mengheret Bujal naik; kami rasa, dia tidak suka bergaul dan suka ~;*

**merengus-rengus** bersungut-sungut atau berbuat sesuatu kerana marah (tidak puas hati dsb), merungut-rungut: *dia ~ sambil berjalan pergi dr situ; sambil ~ aku balik juga, meninggalkan radio Pak Mat dgn lakonan bangsawan seterusnya;*

**perengus** orang yg suka merengus (masam muka, keras dan kasar, dll).

**rengut I** gerutu, omelan: *Aida melepaskan ~; "Tak usah cakap pasal itu lagi", ~ Haji Maun;*

**merengut**, **merengut-rengut** **1.** bersungut-sungut, mengomel: *ia menggelengkan kepala sambil ~;* **2.** tampak keruh atau masam mukanya, merengus;

**perengut** pengomel, perengus; → □ **rungut**.

**rengut II** sj tumbuhan (pokok memanjat), *Epipremnum giganteum*.

**renik** halus, kecil; *hujan ~~~ hujan rintik-rintik; liang ~* Id liang (rongga) yg kecil-kecil; *neraca ~* Id timbang utk mengukur barang yg halus-halus; *padi ~* padi yg halus bijinya;

**merenik-renik** bertitik-titik (gerimis dll).

**renin** (rénin) (Bio) enzim yg memungkinkan penukaran kaseinogen susu menjadi kasein yg tak larut, terdapat dlm jus gaster dan biasanya diekstrak drpd perut lembu utk membuat keju.

**renium** (rénium) (Kim) sj unsur logam yg digunakan utk membuat aloi dll.

**rening; merening, rening-rening** bengkak, cekang, kaku, kejal, tegang (badan dll).

**renjana** rasa berahi (cinta, kasih, rindu, dll) yg kuat: *banyak antara anak dara dan remaja puteri yg tertuna rindu dan ~ kerana perwira yg muda belia ini.*

**renjas** Pn; **merenjas** melompat bangun dgn marah, menunjukkan marahnya (dgn bangun dr tempat duduk dll): *maka Tuan Puteri Sita Dewi pun terlalu marah di dlm hatinya, lalu bangkit ~ masuk ke dalam peraduannya.*

**renjat; renjatan 1.** = ~ *elektrik* rasa sakit apabila bahagian tubuh terkena arus elektrik; **2.** perasaan amat terperanjat spt seketika selepas mengalami sesuatu kemalangan;

**kerenjatan, terenjat** (berada dlm keadaan) terperanjat dan kebingunan.

**renjer** (rénjer) **1.** orang yg tugasnya meronda atau mengawasi hutan, taman negara, dsb; **2.** unit tentera yg terlatih khas utk melakukan serangan terhadap kawasan musuh.

**renjis I** percik, recik;

**merenjis** mengenakan air dgn memercikkannya: *kain-kain direnjis dgn air sebelum diseterika;*

**merenjis-renjis** merenjis beberapa kali atau berulang kali: *dgn cermat, dia ~ pokok bunga itu dgn air;*

**merenjiskan** memercikkan, merecikkan: *istiadat ~ tepung tawar dan menabur beras kunyit;*

**merenjis-renjiskan** merenjiskan beberapa atau berulang kali: *seorang wanita kelihatan sedang ~ air pd mempelai lelaki yg baru tiba itu;*

**renjisan** bahan yg direnjiskan, percikan: *~ air mawar;*

**perenjisan** perihal (perbuatan, tindakan dsb) merenjis, merenjiskan atau merenjis-renjiskan (air dsb): *~ air mawar pd kedua-dua mempelai;*

**perenjis 1.** alat utk merenjiskan; **2.** orang yg merenjis.

**renjis II;** *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok kecil), lelimau, limau-limau, pokok temin, semantan, *Taxotrophis macrophylla*.

**renjong** (rénjong) ark tinggi: *seorang yg ~; tinggi ~ tinggi;*

**merenjong 1.** mengangkat, meninggikan; **2.** renjong: *tinggi ~; ~ lidah* berkata.

**renminbi** (rénminbi) unit mata wang Republik Rakyat China.

**renta** ark; **merenta-renta** membentak-bentak, menengking, mengherdik-herdik: *demi didengarnya kata-kata itu, ia pun marah ~ .*

**renta** (rénta); *tua* ~ sl sangat tua.

**rentak I 1.** hentaman kaki, hentak: *ia menjawab dgn ~ dan marahnya; 2.* = *~ lagu (muzik)* gerakan yg teratur (dlm lagu), irama, tingkah: *bertepuk tangan, berhentak kaki mengikut ~ lagu; 3.* ki gaya, kelakuan, tingkah: *ia mencelah mengikut ~ langkah pak menteri; ~ sedegam, langkah sepijak* prb Mn setuju, semuafakat;

**berentak** mengikut, mempunyai atau memakai rentak (lagu atau muzik), berirama: *sebuah lagu Melayu asli ~ perlahan didendangkan dlm majlis itu;*

**merentak, merentak-rentak** menghentak-hentakkan kaki (kerana marah dll): *ia bangun sambil ~ dan menengking;*

**merentakkan;** *~ kaki* menghentakkan (menghentamkan) kaki.



**perentak** = ~ *jantung* alat elektronik yg dipasang pd jantung utk memperkuat atau mengawal dan mengatur denyutan jantung yg lemah.

**rentak II** renggut, sentak;

**merentak** menyentak, merenggut: *anjing itu ~ rantainya lalu putus; kemejanya sobek-sobek direntak-rentak orang;*

**terentak** tersentak, tergoncang, dll.

**rentak III; serentak** bersama-sama (melakukan sesuatu), sekali gus, serempak: *kerja hendaklah dijalankan berselang-selang atau ~; bangun ~; lawatan tuan itu ~ dgn ketibaan pasukan tentera tambahan.*

**rentak** (réntak) → **rentak II**.

**rentaka** sl meriam yg boleh dipusing-pusingkan; → **lela II**.

**rentan** mudah dihindangi penyakit, jatuh sakit lagi; *(me)~ hati* ki lekas marah (sakit hati, kecewa);

**kerentanan** perihal (keadaan atau sifat) rentan: ~ *organ berbeza antara satu dgn yg lain.*

**rentang** terhulur panjang, terhulur memanjang;

*se~ perjalanan* Mn beberapa lamanya (jauhnya) berjalan; *se~ ayam* selama (sepusing) menyabung ayam;

**merentang 1.** membentang panjang, terletak memanjang: *satu banjaran gunung ~ di tengah-tengah Semenanjung Tanah Melayu; dawai telefon yg ~ dr rumah ke rumah; tugas hidupku ~ di depanku; 2.* menggalang, menghalang, melintang (di jalan dll); ~ *antap* ark memotong (memintas) jalan; ~ *jalan* membuat jalan; ~ *jambatan* membuat jambatan; ~ *panjang* menghuraikan (menceritakan) panjang lebar;

**merentangi 1.** merentang pd: *mereka membina sebuah jambatan gantung yg ~ sungai; jalan kereta api Trans-Siberia yg lurus ~*

*kawasan ini; 2. menghalangi, merintang: beberapa banyak kesukaran yg ~ usahanya telah dapat diatasi;*

**merentang** **1.** menarik atau memasang kawat (benang, tali, dll) tegang-tegang, meregangkan: ~ kawat; ~ tali; *maka diregangkan oleh Benderang dgn Badang rantai itu dan direntangkannya; 2.* menghulurkan (tangan, kaki) ke hadapan dll: *ia mulai bergerak, ~ tangan, dan menganjurkan kaki; 3.* menerangkan dgn panjang lebar, menghuraikan: *pandai ~ cerita;*

**terentang** **1.** sudah direntangkan, terbentang: *gunung itu ~ dr utara ke selatan melalui tanah besar Asia Tenggara; 2.* tergalang, terhalang;

**perentangan** perbuatan dsb merentang: *kegiatan pengedaran dan penampalan poster dan ~ sepanduk di merata-rata tempat;*

**perentang** sesuatu (benda atau orang) yg merentang (menghalang), penghalang: *rantai ~ itu dapat diputuskan; kenangan hitam itu berjaya menjadi ~ utama bagi Babu drpd berkahwin.*

**rentang** (réntang) ark; **merentang-rentang** membentak-bentak, menengking, menggerantang.

**rentap; berentap** beradu pengaruh, kebolehan, kekuatan dsb dgn hebatnya utk mencapai kemenangan dsb: *empat belas orang peserta akan ~ utk merebut gelaran juara itu;*

**berentap-rentap** **1.** tarik-menarik (dgn paksa), bertarik-tarikan; **2.** ki beradu pengaruh atau kekuatan dsb (dgn hebatnya): *akhirnya suatu pemilihan Ketua Kampung yg baru terpaksa dibuat, setelah Munir dan Suif ~;*

**berentap-rentapan** **1.** saling merentap, tarik-menarik dgn paksa, bertarik-tarikan; **2.** saling berlawan atau beradu pengaruh, kehebatan dsb: *menjelang tahun 1957, cogan kata spt “Merdeka*

*dgn Darah” dan “Biar Lambat Asalkan Selamat” ~ dgn “Merdeka secara Damai dgn Bertolak Ansur”;*

**merentap** menarik dgn paksa atau kekerasan, menyentak, merenggut: *dgn marah, ia ~ tangan gadis itu;*

**merentap-rentap** menarik-narik dgn kuat atau paksa, merentap berulang kali: *dia ~ kain yg tersangkut pd paku di dinding itu hingga koyak; dia segera ~ tali sbg isyarat;*

**terentap** terenggut, tersentak: *siku dan umbi lengan dan umbi paha sudah tidak ~ spt muda-muda dulu;*

**rentapan** hasil merentap, sentapan: *akhirnya dgn ~ kuat, beg itu terlepas juga dr pinggang.*

**rentas** lintang; *garis(an) ~ garis(an) yg melintang; keratan ~ keratan yg melintang;*

**merentas 1.** meretas, membuka, memutuskan: *kena balung ayam kenantan habis direntas taji ayam orang sebelah; 2.* melalui atau menempuh (sesuatu kawasan), memintas, melintasi, menjalani: *jalan raya yg ~ negeri itu sangat banyak; kita ~ padang yg penuh dgn lalang; berlari ~ desa; 3.* merintis; *~ jalan a) merintis (membuka) jalan; b) memintas jalan; 4.* ki mencakup atau merangkumi: *bahasa Melayu kini mampu ~ semua bidang ilmu;*

**rentasan** garisan dll yg merentas: *nilai n dapat diperoleh dr ~ graf pd paksi melintang dan ~ graf pd paksi tegak; salah satu cara yg mudah sekali utk menggambarkan kontur ialah dgn melukis ~;*

**perentas** (Mat) garisan lurus yg memotong dua atau lebih garisan lurus; → **retas**.

**rente** (rénte) → □ **renten**.

**renten** (réntén) IB bunga wang: *pinjaman dikenakan ~ sebanyak 13%;*

**merenteni** memberi bunga wang;

**merentengan** membungakan wang (yg dipinjamkan), meminjamkan wang dgn dikenakan bunga.

**renteng** (rénténg) Jk; **serenteng** serangkai, seuntai (mercun dll);

**berenteng-renteng** **1.** beruntai-untai; **2.** berendeng-rendeng, berganding-ganding, beruntun-runtun;

**merenteng;** ~ *mercun* membakar mercun seuntai (tidak satu-satu).

**rentenir** IB orang yg meminjamkan wang dgn mengenakan bunga: *ia dipaksa berkahwin oleh ibunya dgn seorang ~ yg kaya.*

**rentet** (réntét) **1.** berhubungan satu dgn yg lain, sambung-menyambung, berangkaian; **2.** berturut-turut, beruntun-runtun, berekor-ekor;

**rentetan** **1.** rangkaian, untaian: ~ *kata; rondo ialah satu ~ bunyi yg berulang-ulang dimainkan; ~ peristiwa* beberapa peristiwa yg berlaku berturutan (satu demi satu); **2.** deretan, runtunan, siri: *se~ dgn itu ia melengking sambil berdiri*; **3.** bunyi senapang dll yg berturut-turut;

**berentetan** berangkaian, berturut-turut, beruntun-runtun: *tembakan kedengaran ~ di luar.*

**renti; merentikan** menghentikan;

**serenti;** *pusat* ~ □□ tempat pemulihan orang yg bermasalah, terutamanya yg berkaitan dgn penagihan dadah; → **henti.**

**rentik** Jw; **merentik** berasa sakit (bahagian tubuh), nyeri.

**rentung** **1.** terbakar hingga jadi abu (hangus): *rumah dan harta benda habis ~*; **2.** terbakar hingga hitam: *membakar ikan sampai ~; benda ~ benda yg (sudah) terbakar hangus*;

**merentungkan** menyebabkan rentung: *kebakaran kali kedua yg berlaku tujuh tahun kemudian telah ~ beberapa buah bangunan lagi.*

**renung I; merenung 1.** memerhatikan dgn teliti, menatap: *direnungnya muka anaknya lama-lama*; **2.** menjenguk, menjengul: *ia ~ ke luar jendela*;

**merenungi 1.** memandang baik-baik, mengamati-amati dgn saksama, menatap(i): *direnunginya wajah Siti Salina; lama juga ia ~ kitab itu*; **2.** memikirkan (sesuatu masalah dll), dgn mendalam;

**renungan 1.** hasil merenung atau merenungi, tatapan, pandangan: *malu rasa hatinya kerana ~ Sira Panji itu; drpd air muka dan ~ matanya nyatalah dia menyuruh gadis itu duduk*;

**perenungan** perbuatan dsb merenung(i): *~ tentang hubungan antara manusia sbg peribadi yg berdaulat*.

**renung II; merenung** diam memikirkan sesuatu, termenung memikirkan sesuatu: *beberapa lama ia tinggal ~ di dlm biliknya; ~ hari depan* memikir-mikirkan masa depannya;

**merenungkan** memikirkan dalam-dalam (masak-masak, sungguh-sungguh), memenungkan: *ia mengambil masa yg lama utk ~ nasihat-nasihat yg diberikan oleh ibunya*;

**renungan** sesuatu yg direnungkan.

**renut** Kd; *tali* ~ tali yg mengikat rengga ke badan gajah.

**renyah I** leceh, rumit, susah (kerana memerlukan tenaga, benda, dll yg banyak): *antara ketupat dgn leman, maka leman lebih menyelerakan tetapi amat ~ mengerjakannya*;

**berenyah, berenyah-renyah 1.** bersusah(-susah), bersusah payah, bersibuk-sibuk: *saya orang tua, tentulah tidak dapat berenyah-renyah spt orang muda*; **2.** = **merenyah** membuat (mengerjakan) sesuatu dgn teliti (saksama).

**renyah II** tidak senang, gelisah, risau, was-was: *ia berasa sangat ~*;

**merenyahkan** menggelisahkan (merisaukan dll): *apa yg hendak direnyahkan, beras ada dan wang pun banyak*.

**renyah III** Jk keras tetapi senang menghancurkannya (mentimun dll), rapuh.

**renyai**; *hujan ~ (renyai-renyai)* hujan rintik-rintik, rebas, gerimis;

**berenyaian** keluar sedikit-sedikit (peluh), bertitik-titik;

**merenyai** menjadi sedikit (kurang): *hujan yg mulanya lebat sudah ~;*

**merenyai-renyai**; *sakit ~* berasa sakit sedikit-sedikit.

**renyak**; **merenyak 1.** menginjak-injak sesuatu dgn kaki; **2.** menyumbat sesuatu ke dlm bekas (peti dll) hingga padat; **3.** ki memperlakukan secara keras (orang yg sudah lemah.)

**renyam I**; **merenyam, merenyam-renyam 1.** berasa gatal, miang: *badannya berasa merenyam apabila tersentuh ulat bulu*; **2.** bk galak, gatal (perempuan): *tidak boleh nampak lelaki, nak ditegurinya, ~ sangat!*

**merenyamkan** menyebabkan berasa merenyam.

**renyam II**; **merenyam** bp tersangat banyak, tidak terbilang banyaknya: *~ semut memakan gula.*

**renyang** Mn **1.** tidak tetap hati, gelisah, lincah; **2.** tidak rapi, tidak selesai; **3.** tidak sedap badan: *badannya ~ dan lesu*; → **renyah II.**

**renyap** ark lenyap, nyenyak: *waktu semua orang ~ dlm tidur.*

**renyau** sj ikan laut, *Atherina spp.*

**renyeh (rényéh) I**; **merenyeh 1.** merengek: *ah, engkau spt anak yg merenyeh-renyeh*; **2.** berkata-kata (berkelakuan dll) yg berlebihan (antara lelaki dan perempuan): *meluat aku melihat lelaki perempuan merenyeh-renyeh di pasar minggu; amboi, janda muda itu ~ sangat!*; → □ **ronyeh I.**

**renyeh (rényéh) II**; **terenyeh-renyeh** Kd gatal, miang.

**renyek** Jk kumal, renyuk.

**renyem** Jk **1.** bp tidak tentu hala (rasa hatinya), tidak beres, tidak selesai  
dll: *ia menjadi ~ memikirkan hal anaknya*; **2.** (Sunda) bp gatal-  
gatal tubuhnya, renyam.

**renyih** Kd; **merenyih** merangsang (kerana marah dll), merenjas.

**renyik** renyuk.

**renyuh**; **merenyuh** **1.** Pn menyentuh dgn hujung jari, menonyoh,  
mengetuk dgn buku jari; **2.** Kd menolak atau melanggar orang dgn  
kasar (dlm perkelahian atau pelanggaran), menggoch.

**renyuk I** **1.** kumal, berkerumuk (kain, kertas): *nanti ~ pula pakaian yg  
sudah diseterika itu*; **2.** remuk: *pondok buruk itu habis ~ dihempap  
batang kelapa yg tumbang*;

**merenyukkan** mengumalkan, meremukkan: *bunga itu  
direnyukkannya; mahu rasanya kepala Si Sudin itu  
direnyukkannya*;

**kerenyukan** perihal atau keadaan renyuk; **ronyok**.

**renyuk II** Mn rajuk;

**merenyuk** merajuk.

**renyuk III** Mn rentak, sentak;

**serenyuk** serentakan: *tidak semena-mena ribut datang ~*;

**merenyuk 1.** = *dgn ~ dgn serta-merta berdiri* (kerana marah dll);

**2.** = **merenyukkan** menyentakkan, merentak (merenggut,  
merengkah) dgn kuat-kuat (cepat-cepat): *jangan direnyukkan tali  
kegang kuda itu*; **3.** = **merenyukkan** mengunjukkan (memberikan)  
dgn marah.

**renyut I** denyut;

**merenyut** berdenyut;

**merenyutkan** mendenyutkan (kening dll), menggerakkan: *kita  
cuma dapat ~ kening saja*.

**renyut II; merenyut 1.** bergerak perlahan-lahan dan banyak-banyak (semut, ulat, dll), merayap; **2.** Kd, Pn, ki terlalu banyak (bilangannya): ~ *ikan dlm kolam; ~ manusia di padang.*

**renyut III; ubat** ~ sj tumbuhan (herba), *Hedyotis capitellata.*

**reofit** (réofit) (Bio) sj tumbuhan yg hidup di tepi atau di dlm sungai, mempunyai akar yg mencengkam atau menjalar di celah batu, serta berdaun kecil dan sempit.

**reok** (réok) Jk berketuk.

**reorganisasi** (réorganisasi) IB penyusunan semula, pembetulan aturan (susunan, perjalanan): *diadakan ~ dlm sistem pentadbiran sesuai dgn sebuah negara yg membangun.*

**reorganisir** (réorganisir); **mereorganisir** IB menyusun semula, membetulkan susunan perjalanan sesuatu.

**reorientasi** (réorientasi) orientasi semula, penyesuaian semula: *semua ini memerlukan ~ dlm cara bekerja.*

**reostat** (réostat) (Fiz) alat (dlm barang-barang elektrik) utk mengawal aliran arus elektrik.

**reot** (réot) → **reyot I.**

**rep** (rép) (Muz) gaya muzik yg seni kata lagunya tidak dinyanyikan, tetapi dituturkan secara cepat dan berirama, yg berasal dr masyarakat berkulit hitam di Amerika: *muzik ~.*

**repak** repas.

**repang** papak atau rata (dipangkas), pepat: *cucur atap yg ~; gigi yg ~;*

**berepang** (telah) direpang: *rambutnya yg ~ pendek memang senang diurus;*

**merepang** memangkas rata-rata, memepat rata-rata, meratakan, menyamakan (hujungnya): *buluh itu direpang supaya rata;*

**merepangkan** merepang utk: *dia ~ ibunya tepi kain yg berumbai-rumbai itu agar kelihatan lebih kemas;*



**perepangan** perihal (perbuatan, proses dsb) merepang.

**reparasi** (réparasi) IB perbaikan (pembetulan) apa yg rosak: ~ *kereta*;

**mereparasi** membaiki, membetulkan: *motokarnya terpaksa direparasi*.

**repas** mudah pecah (rosak), rapuh.

**repatriasi** (répatriasi) IB pengembalian (penghantaran kembali) ke tanah air;

**merepatriasikan** memulangkan (mengembalikan) ke tanah air.

**repek** (répék); **merepek** bercakap terus-menerus dan yg bukan-bukan, berleter, mengoceh, meracau: *apa yg kau cakapkan ini? M-sahaja tidak menentu, macam orang gila*.

**repertoire** (répertoire) **1.** semua drama, muzik, nyanyian, cerita dsb yg sedia utk dinyanyikan (dilakonan, dipersembahkan dsb) oleh penyanyi, pelakon, pemuzik dsb; **2.** (Komp) set arahan lengkap yg dimiliki oleh komputer tertentu.

**repertori** (répertori) persembahan teater yg terdiri drpd beberapa lakonan (drama) oleh satu kumpulan teater utk tempoh masa yg singkat.

**repes** (répés); **merepes** berbuat sesuatu yg tidak ada faedahnya atau utk menghabiskan masa sahaja.

**repet** (répét); **merepet** **1.** berleter, mengoceh, meracau: *sejak tadi lagi perempuan tua itu ~*; **2.** mengigau, meracau;

**perepet** (orang yg) suka merepet; → **repek**.

**repeten** (répetén) IB angka yg selalu berulang dlm pecahan perpuluhan; *pecahan* ~ pecahan persepuluhan yg mempunyai angka yg selalu berulang.

**repetir** IB; *senapang* ~ senapang yg sekali diisi boleh digunakan utk menembak berulang kali.

**repetisi** (répetisi) IB ulangan (pelajaran), latihan ulangan (lakonan dll):  
*seorang bintang filem berkali-kali mengadakan ~ utk menyesuaikan dirinya dgn lakonan yg akan dijalankan.*

**repih I** mudah dipatahkan atau dipecahkan (spt roti kering dll), rapuh;  
**merepih** menggetas (mematahkan, memecahkan, dll) kecil-kecil:  
*~ roti;*

**repihan** pecahan (sobekan, potongan, dll) yg kecil-kecil, serpih:  
*banyak orang yg terbunuh terkena ~ bom.*

**repih II** Ph, Pr; **merepih** menebas semak (rumpun dll), mencuci ladang (halaman), merumput.

**repis** → □ **repih I**.

**replika** (réplika) **1.** model sesuatu objek, spt bangunan, jentera, catan, dll, yg hampir atau betul-betul menyerupai objek yg asli: *~ sebuah meriam zaman kesultanan Melaka akan dipamerkan di Muzium Melaka;* **2.** seseorang atau sesuatu yg sifat-sifatnya hampir-hampir menyamai sifat-sifat seseorang atau sesuatu yg lain: *malangnya media di dunia Islam adalah semata-mata ~ media Barat;*

**mereplikakan** membuat atau meniru sesuatu objek (spt bangunan dsb) dlm bentuk replika: *kerja ~ Menara Berkembar Kuala Lumpur juga memerlukan kreativiti pembuatnya.*

**repolper** IB pistol.

**repot** (répot) **I** bp lapor; *kena ~ dilaporkan;*

**merepotkan** melaporkan, memberitahukan: *kehilangan motokarnya itu dgn segera direpotkan ke balai polis;*

**repotan** kenyataan yg dibuat (ditulis) ketika merepotkan, laporan.

**repot** (répot) **II** IB **1.** banyak kerja, sibuk: *ia begitu ~ mengurus dan melayani orang-orang yg datang di rumahnya; mereka akan membenarkan kita lewat tanpa ~;* **2.** dlm kesukaran, berabai, kalut,

kelam-kabut: *orang ramai mulai ~ kerana harga beras telah meningkat naik;*

**merepotkan** menyebabkan repot;

**kerepotan** kesibukan, kekalutan.

**representasi** (répréséntasi) **1.** sesuatu yg melambangkan, menggambarkan, atau menyatakan sesuatu yg lain, perlambangan, gambaran, pernyataan; **2.** perihal (perbuatan dsb) mewakili, perwakilan.

**representatif** (répréséntatif) mewakili (golongan dll), sesuai utk mewakili.

**represif** (réprésif) bersifat menekan (menindas): *langkah-langkah ~ perlu diambil utk mencegah kegiatan jenayah.*

**reproduksi** (réproduksi) tiruan lukisan (lukisan yg diambil gambar dgn kamera).

**reproduktif** (réproduktif) bkn dgn pembiakan: *organ ~.*

**reprografi** (réprografi) (Cetak) proses, seni atau amalan membuat salinan atau mencetak semula bahan bercetak dsb.

**reptilia** (réptilia) haiwan berdarah sejuk, spt buaya, ular, cicak, dan kura-kura, yg bernafas dgn paru-paru, bertelur, dan badannya diliputi kulit keras atau bersisik.

**repu** Pr; **merepu** **1.** menimbun sampah dll utk dibakar (utk menghalau nyamuk, hantu, dll); **2.** tersangat banyak, berlambak-lambak.

**republik** (républik) negara yg sistem pemerintahannya berdasarkan kuasa rakyat melalui wakil yg mereka pilih dan diketuai oleh seorang presiden;

**kerepublikan** yg mempunyai ciri-ciri republik: *doktrin ~ revolusi Perancis.*

**republikan** (républikan) orang (parti politik) yg menganut faham ketatanegaraan yg berbentuk republik.

**republikanisme** (républikanisme) faham (aliran, kepercayaan, doktrin dsb) yg menganjurkan bahawa sistem kerajaan yg terbaik adalah sebuah republik.

**repuh I** ark **1.** = ~ *muda* = **repuhan** hutan muda atau belukar; **2.** Kd sisa-sisa (spt ranting-ranting dll) pokok-pokok yg ditebang dan terbiar (kadang-kadang dilindungi oleh anak-anak kayu).

**repuh II** Pr; **merepuh** penuh (dgn bunga): *pokok-pokok durian sedang* ~.

**repuh-repuh** mangga, induk kunci gantung, kura-kura, pedal ayam.

**repui** ark repas, repih, reput.

**reput** buruk atau lapuk (kayu, kain, dll): *pokok itu direndam dlm air sehingga ~ dan tanggal segala bahagian yg lembut dan isi batangnya;*

~ *fros* kemusnahan tisu, terutamanya tisu pd jari tangan, jari kaki, hidung dan telinga akibat terdedah pd suhu sejuk beku (spt yg pernah dialami oleh pendaki gunung); ~ *relai* rosak berpisah-pisah kerana busuk atau lapuk (kain, kayu, dll);

**mereput** menjadi reput;

**mereputkan** menyebabkan menjadi reput: *hidupan seni memakan dan ~ bahagian tumbuh-tumbuhan yg mati;*

**reputan** benda yg reput: *tumbuhan itu hidup di tanah yg kaya dgn ~ benda-benda organik;*

**kereputan** perihal (keadaan) reput;

**pereputan** perihal (proses dsb) menjadi reput: *karbon dioksida terjadi oleh ~ tumbuh-tumbuhan yg mati dll.*

**reputasi** (réputasi) **1.** nama baik: *aku mempunyai pengikut, aku mempunyai ~, aku sudah menjadi tokoh politik;* **2.** perbuatan dll yg menyebabkan nama baik.

**rerak** = **bererakan** rosak bercerai-cerai, berantakan, terserak-serak;

**mererak** menjadikan bercerai-cerai kerana mengambil bahagian-bahagiannya dll; ~ *rengkah* rosak dan pecah-pecah; → **lerak I**.

**rerambut 1.** sesuatu yg halus spt rambut: *tiub ~*; **2.** (Bio) kapilari;

**kererambutan** (Fiz) kecenderungan cecair di dlm bahan penyerap atau tiub rerambut naik atau turun disebabkan oleh tegangan permukaan.

**reras** Mn ark gugur, luruh.

**rieriang I** riang-riang (sj serangga).

**rieriang II** riang-riang (sj tumbuhan).

**reribu** □ribu-ribu (sj tumbuhan).

**rerot** (rérot) Jk; **bererot, bererot-rerot** berjalan beriring-iring (berduyun-duyun);

**mererot** berderet-deret, berduyun-duyun, berjejer, beruntun-runtun;

**rerotan** deretan, runtunan.

**reruku** □ruku-ruku.

**reruntuh** runtuhan, reruntuk.

**reruntuk** runtuhan, barang-barang yg sudah rosak (buruk), runtuh: ~ *rumah*; ~ *dunia* ark sampah dunia, sundal.

**resa 1.** gerakan yg terasa di dlm perut (badan dll, spt gerak bayi yg akan lahir dll): *perempuan itu makin bertambah sakit, datang ~nya bertubi-tubi*; **2.** dorongan (hati), gerak (hati): *biarkanlah ia mengikut ~ hatinya, biarlah kita berpegang pd yg benar*.

**resah** tidak tenang hati, rusuh hati, gelisah, gugup: *ia kelihatan ~ dan serba salah; mereka telah ~ menanti*; ~ *gelisah* resah;

**beresah, beresah-resah** berada dlm keadaan resah, berusuh hati: *sejak petang tadi ia beresah-resah sendirian di katilnya*;

**meresah** menjadi resah: *sebentar kemudian ia ~ lagi*;

**meresahkan** menyebabkan resah: *panas yg ~ badan*;

**keresahan 1.** perihal (keadaan) resah: *senang dan tenang ayunan langkahnya bagaikan tidak ada suatu ~ menekan benaknya*; **2.** mengalami resah: “*teruk betulkah?*” Karim ~.

**resak 1.** sj tumbuhan (pokok), *Vatica spp.*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Shorea spp.*; **3.** sj tumbuhan (pokok), *Cotylelobium spp.*

**resam I** sj tumbuhan (paku-pakis yg batangnya keras dan biasa dibuat kalam), bengkawang, *Gleichenia linearis*;

~ *lumut* = ~ *padi* sj tumbuhan (paku-pakis), paku telur belangkas, temangah, *Cheilanthes tenuifolia*.

**resam II 1.** adat kebiasaan, aturan-aturan yg menjadi adat; *adat ~ adat* (aturan) yg biasa; *hukum ~ ark hukum adat*; **2.** pembawaan, kebiasaan, sifat, tabiat: *dlm pantun banyaklah terdapat perasaan, fikiran, ~, dan tabiat orang Melayu*; ~ *tubuh* Id keadaan tubuh;

**seresam** sesuai; ~ *dgn* sesuai dgn;

**resaman** resam; → □ **resmi**.

**resam III**; *burung ~ sj burung, Pnoepyga pusilla harterti*.

**resan = meresan 1.** berasa sakit hati oleh kata-kata dll orang lain, berasa tersindir: ~ *benar ia apabila orang-orang itu menoleh kepadanya tatkala ia lalu di situ*; ~ *hatinya kerana diejek*; **2.** Kd berasa tidak senang hati terhadap (kelebihan) orang lain, berasa cemburu (dengki, iri hati).

**resap** hilang, lenyap, lesap: *timol itu ~ cepat dan kesannya tidak lama*; *tuan puteri pun ~lah tiada ketahuan halanya*;

**meresap 1.** masuk ke dlm liang dll (terutama barang yg cair), menyerap: *sejuk angin timur laut yg bertiup itu pun ~ sampai ke tulang sumsum*; *perapkan daging itu beberapa waktu lamanya hingga garam dll ~ benar*; *meresap-resap ke rumah orang masuk-masuk ke rumah orang*; **2.** menyusup keluar, menitis, merembes (peluh): *peluh dingin ~ membasahi seluruh badannya*; **3.** hilang,

lenyap (drpd pandangan); *makanan itu habis ~ habis lenyap* (masuk ke mulut, dimakan); **4.** masuk benar (ke dlm hati dll), lekat benar (di dlm hati): *segala apa yg dikatakan oleh Khatijah ~ di hatinya; dia berasa sesuatu yg mesra ~ ke dlm jiwanya*; **5.** masuk ke dlm sesuatu dan menjadi sebahagian daripadanya: *beberapa banyak kata asing yg telah ~ ke dlm bahasa Melayu*;

**meresapi** meresap ke dlm, memasuki rata-rata: *lantai hendaklah dibuat drpd bahan yg tidak boleh diresapi air; seluruh alat negara telah diresapi oleh pengaruh samurai*;

**meresapkan** menyerapkan, memasukkan rata-rata: *aku berbaring-baring di tanah utk ~ khasiat drpd sinar matahari yg membakar ke dlm tubuhku*;

**teresap** sudah diresapkan (diserapkan), termasuk dalam-dalam (rata-rata);

**resapan** perihal meresap (masuk ke dlm sesuatu), kejadian (sesuatu) meresap ke dlm sesuatu: *kertas itu sudah berbulu-bulu dan berbelang-belang oleh ~ air; akibat pengaruh dan ~ nilai-nilai keislaman inilah yg menyebabkan syair dan pantun Melayu kian bermakna dan kedudukan penyair Melayu Islam bertambah penting di Nusantara*;

**keresapan** perihal atau keadaan resap atau teresap;

**peresapan** perihal (proses dsb) meresap: *~ gas; ~ unsur-unsur budaya material*.

**resbang** IB sj bangku panjang tempat berbaring utk berehat.

**resdung** sj penyakit hidung yg disebabkan oleh radang pd membran sinus.

**resen** (résén) bp catuan.

**resensi** (résénsi) pertimbangan atau pembicaraan mengenai buku dll,  
ulasan buku: ~-~ *terhadap buku ini telah terbit dlm surat khabar setempat.*

**resep** (resép) IB **1.** keterangan bkn ramuan-ramuan dan cara memasak sesuatu makanan, resipi; **2.** penentuan ubat (yg diberi oleh doktor).

**resepsi** (resépsi) IB majlis perjamuan yg diadakan utk menerima tetamu (yg datang utk mengucapkan selamat dll).

**reseptif** (réséptif) mudah, bersedia atau terbuka utk menerima (idea baru, cadangan, dsb): *mereka begitu ~ terhadap rancangan baru itu; minda yg ~ kpd ilmu-ilmu moden.*

**reseptor** (réséptor) (Bio) tisu khusus (biasanya pd organ deria) yg sensitif terhadap rangsangan tertentu.

**reserse** (resérsé) IB mata-mata gelap.

**resesi** (résési) keadaan ekonomi yg meleset, kemelesetan.

**resesif** (résésif) (Bio) bkn gen yg hanya ketara pengaruhnya apabila pasangannya juga sama (tidak dominan).

**resi I** sl orang pertapa, orang suci.

**resi II** = *surat* ~ Id surat pengakuan penerimaan, tanda penerimaan, resit.

**resi III 1.** harum, wangi; **2.** bau-bauan; → **raksi I.**

**residen** (résiden) wakil kerajaan British di tanah jajahan atau negeri naungan British: ~ *bagi keempat-empat buah negeri itu tertakluk kpd ~ jeneral; ~ jeneral residen besar (ketua bagi seluruh residen);*

**keresidenan 1.** kediaman (pejabat) residen; **2.** daerah yg diketuai oleh residen.

**residu** (résidu) sesuatu yg tinggal setelah yg lain digunakan, sisa, baki, kerdak.

**resik I; meresik 1.** nyaring kedengaran, lantang; **2.** berdesir, berkersik; **3.** desas-desus, kasak-kisik (suara berbisik).

**resik II** Jk bersih.



**resimen** (resimén) IB pasukan tentera yg biasanya diperintah oleh kolonel atau leftenan-kolonel, rejimen.

**resin** (résin) **1.** bahan lekit berwarna kuning atau coklat yg diperoleh drpd pokok tertentu, spt pain dan fir, dan digunakan utk membuat varnis, ubat dsb, damar; **2.** damar yg dibuat secara sintetik, yg digunakan sbg bahan asas dlm membuat barangan plastik dsb.

**resipi** **1.** senarai bahan (ramuan) dan peraturan yg diperlukan dlm menyediakan sesuatu masakan atau makanan; **2.** cara atau kaedah mencapai sesuatu tujuan; ~ *kecantikan* cara menjadikan diri (seseorang) cantik.

**resit** sepotongan kertas bertulis yg mengesahkan atau mengakui penerimaan sesuatu bayaran atau barangan; *buku* ~ buku yg mengandungi helai-helai resit.

**resital** (résital) (Muz) persembahan muzik dsb oleh pemain, penyanyi dsb solo atau oleh kumpulan kecil: ~ *piano*.

**resmi** sifat semula jadi, sifat khas (benda, adat, perangai, tabiat): *kanak-kanak dr kecil lagi telah memiliki ~ atau kelakuan serta pembawaan yg tersendiri; apabila menerangkan sifat-sifat sesuatu benda, eloklah dikumpulkan sifat-sifat atau ~-nya ke dlm dua kategori; baik membawa ~ ayam betina prb lebih baik merendahkan diri (supaya selamat dlm hidup), resam.*

**resolusi** (résolusi) **1.** keputusan rasmi yg dicapai dlm sesuatu mesyuarat, persidangan, dsb, ketetapan; *sebanyak 16 ~ telah diambil dlm perjumpaan itu*; **2.** azam, tekad: ~ *tahun baru*.

**respek** (réspék) IB hormat, kehormatan.

**respirasi** (réspirasi) **1.** pernafasan: *sistem ~ bermula dr hidung dan mulut*; **2.** (Bio) proses penguraian kimia yg berlaku dlm sel organisma, dgn penghasilan tenaga dan karbon dioksida.

**respirator** (réspirator) **1.** alat utk membantu pernafasan seseorang, terutamanya kerana sakit atau mengalami kecederaan; **2.** alat yg dilekapkan di hidung dan mulut utk mencegah penyedutan asap atau gas beracun.

**responden** (résponden) **1.** orang yg memberikan maklumat (menjawab soalan-soalan yg dikemukakan dsb) dlm sesuatu kegiatan kaji selidik: *kerja menemu bual memerlukan kemahiran, membuat penyelidikan, dan mengadakan hubungan mesra dgn ~ atau pengisah*; **2.** orang atau pihak yg didakwa dlm aduan atau rayuan yg dikemukakan ke mahkamah.

**respons** (réspons) sambutan, reaksi, jawaban: *tentu sekali kami mengharapkan ~ drpd pembaca.*

**responsif** (résponsif) segera atau mudah memberikan kerjasama atau reaksi yg bersifat membantu terhadap sesuatu usaha dsb.

**restan** (réstan) IB kelebihan (makanan dll), sisa: *di mulutku masih terasa jua adanya ~ gelak tadi.*

**reston** Jw ark; **merestoni** memberi berkat, mendoakan; → □ **restu**.

**restoran** (réstoran) kedai makan.

**restorasi** (réstorasi) IB pemulihan kpd kedudukan yg asal (terutama bkn takhta kerajaan, negara, dll).

**restriksi** (réstriksi) IB pembatasan.

**restu** **1.** berkat dan perkenan drpd Allah yg mendatangkan kebaikan kpd seseorang atau manusia: *berdoa memohon ~ drpd Ilahi; kejayaan itu hanyalah dgn ~ Allah*; **2.** persetujuan drpd seseorang atau sesuatu pihak yg mempunyai kuasa, hak tertentu dsb utk membenarkan seseorang atau sesuatu pihak yg lain melakukan sesuatu, kebenaran, keizinan: *si anak mendapat ~ drpd ibunya; baginya, tanpa ~ ayah dan ibu, sesuatu perkara yg akan dilakukan*

*tidak akan sempurna; 3. sl pengaruh baik atau buruk, guna-guna, jampi, mentera;*

**merestui 1.** mengurniakan kebaikan, kesejahteraan atau rahmat kpd: *saya berdoa agar Allah ~ pekerjaan haji jemaah yg terbabit dan menerima ibadah mereka sbg haji mabrur; selepas bersolat, si suami berdoa semoga Allah ~ rumah tangga yg baru dibinanya itu;* **2.** memberikan persetujuan, kebenaran atau keizinan kpd seseorang atau sesuatu pihak utk melakukan sesuatu dsb, bersetuju dgn, mengizinkan, membenarkan: *penubuhan parti itu direstui oleh kerajaan; dr awal-awal lagi ibu tidak ~ perkahwinan kami;* **3. sl** mengenakan pengaruh (guna-guna, jampi).

**restung I** resdung.

**restung II 1.** sj tumbuhan (pokok renek), jelutung badak, susuk ayam, susun kelapa, *Ervatamia corymbosa;* **2.** sj tumbuhan (pokok renek), lada-lada (hutan, jantan, padi), lelada, puding hutan, susun kelapa, *Ervatamia malaccensis;*  
~ *badak* sj tumbuhan (pokok renek), jantung badak, jelutung badak, *Ervatamia hirta;* akar ~ a) sj tumbuhan (rizom), gadung seberang, ubat raya, *Smilax china;* b) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar tongkat ali, *Smilax myosotiflora.*

**resuk; meresukkan** memasukkan ke dlm lubang (kotak dll), memeresukkan.

**resume (résumé) 1.** IB ringkasan (ikhtisar); **2.** keterangan ringkas tentang maklumat diri, pendidikan, pengalaman kerjaya, dsb seseorang, biasanya disertakan utk memohon sesuatu pekerjaan;

**meresumekan** meringkaskan, mengikhtisarkan.

**resusitasi (résusitasi)** (Ubat) kaedah memulihkan seseorang yg hampir maut secara tiba-tiba, mis kerana lemas atau serangan jantung.

**reta** (réta); **mereta-reta** beromong kosong, berborak, mengobrol, merepek.

**retai**; *retak*~ banyak retaknya, retak-retak; → □ **retak**.

**retak** **1.** garis yg nampak pd benda keras (pinggan dll) yg menunjukkan ia akan pecah atau belah: ~ *pd pinggan itu makin menjadi besar*; **2.** mempunyai garis yg menunjukkan akan pecah atau belah: *pinggan-pinggan yg sudah ~ itulah yg digunakan setiap hari*; **3.** ki ada kekurangannya (tidak sempurna), cacat cela: *kerja-kerja yg dibuatnya itu terlalu banyak ~nya*; **4.** ki ada perbalahan (perselisihan dll) yg boleh menimbulkan perpecahan (perceraian dll), sudah tidak semuafakat lagi: *dia tidak mahu kasih sayang mereka menjadi ~ kerana perbuatannya itu*; **5.** = ~ tangan a) rajah tangan, suratan tangan; b) nasib badan: *manusia ini dilahirkan dgn cara yg sama tapi ~ tangannya berlainan*;

~-- *mentimun* Mn retak halus-halus hanya di luar sahaja (barang pecah belah); ~-*retai* banyak retaknya; ~ *seribu* a) banyak retaknya; b) sj corak kain batik moden Malaysia;

~ *batu* prb tidak didamaikan lagi (perselisihan dll); ~-~ *bulu ayam* prb mudah didamaikan (perselisihan dll); ~ *menanti* (*mencari, tanda akan*) *pecah (belah)* prb a) perkara kecil yg akan menjadi besar; b) hanya tinggal menantikan timbulnya malapetaka yg lebih besar (pergaduhan, kematian, dll); ~ *pertujuh* Mn prb perasaan hati yg hancur (kerana tersangat merindu); *bukan di ~ panas* prb Mn bukan sia-sia atau dusta (sesuatu telahan);

**meretak** menjadi retak, mulai retak;

**meretakkan** menjadikan retak, menyebabkan retak: *cahaya matahari ~ genting-genting atap*; *isu Cyprus telah lama ~ hubungan antara Greek dgn Turki*;

**retakan** garis yg menunjukkan akan pecah, retak;

**keretakan** perihal retak: ~ *pd dinding bangunan itu semakin hari semakin melebar; telah berlaku ~ dlm rumah tangga itu;*

**peretakan** perihal (proses, perbuatan dsb) meretak atau meretakkan: *lekukan gerak bumi berlaku disebabkan oleh proses pelendutan, pelenturan dan ~ kerak bumi.*

**retas** terputus benang jahitannya, terbuka jahitannya (kelimnya);

**meretas 1.** memutuskan (mengerat, memotong) benang-benang pd jahitan; **2.** membuka dgn pisau (surat dll), membelah kulit (karung dll); ~ *bisul* membedah bisul; ~ *perut* membedah perut; **3.** menebang pokok dll utk membuat jalan, merentas, merintis; ~ *jalan* membuat jalan dgn menebang pokok-pokok dll; **4.** merosakkan (membuka pagar dll), menembusi rintangan;

**peretasan** perihal (proses, perbuatan dsb) meretas: ~ *benang pd jahitan yg silap itu masih dilakukan;*

**peretas** orang yg meretas, alat utk meretas.

**retat** Kl; **meretat** memukul dgn belakang tangan.

**reték** (réték) I Mn; **meretek** gementar, menggigil.

**reték** (réték) II Kl, Tr bersama, getek, juga; *saya nak pergi ~ saya nak pergi bersama (juga).*

**retet** (rétét) Jk; **beretetan 1.** berderet, beruntun-runtun; **2.** berbunyi mendedas (mesingan); → □ **rentet.**

**reti** bp mengerti, tahu: *dia tak ~ bercakap Melayu;* → □ **erti.**

**retih I; meretih** berbunyi spt bertih direndang (daun-daun basah dibakar dll), mendedas.

**retih II; meretih** berbintik-bintik pd kulit (peluh dll), berbutir-butir.

**retik I** Kd; **meretik;** *tak ~* tidak berani bergerak (berbuat apa-apa), takut benar.

**retik II** Kl; **meretik** merecik (air dll).

**retikulasi** (rétikulasi) susunan, corak dsb yg berjalin-jalin spt jaring:  
*sistem perparitan ~.*

**retikulum** (rétikulum) (Bio) **1.** jalinan halus protoplasma sel; **2.** perut kedua pd haiwan ruminan yg banyak menyimpan air utk digunakan dlm pencernaan.

**retin** daun terup yg bergambar potongan wajik, daiman.

**retina** (rétina) (Bio) lapisan mata paling dalam yg peka kpd cahaya.

**retok** (rétok) recok.

**retorik** (rétorik) **1.** (Lin) kajian tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dlm penulisan atau pertuturan; **2.** seni menggunakan atau memakai bahasa yg indah dan menarik utk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar, seni berpidato; **3.** pertuturan atau tulisan yg menggunakan bahasa atau kata-kata yg indah atau muluk-muluk utk mempengaruhi pemikiran pendengar; **4.** berkaitan dgn, penuh dgn atau menggunakan bahasa atau kata-kata yg indah atau muluk-muluk utk mempengaruhi pemikiran pendengar: *kita tidak boleh terlalu ~ hingga hilang pegangan dan hanya bercakap tentang cabang tanpa menyedari pokok sebenarnya sudah reput; dia menyifatkan ucapan Belanjawan itu penuh isi dan tidak ~ selain bahasa mudah yg digunakan; soalan ~;*

**beretorik** berpidato, berbicara dsb dgn menggunakan bahasa yg muluk-muluk (tetapi biasanya tidak didasari keikhlasan yg sungguh-sungguh) yg bertujuan utk menarik perhatian serta mempengaruhi pemikiran pendengar: *pertubuhan tersebut tidak lagi boleh bergerak secara sambil lewa dan banyak ~; kita tidak perlu ~ dgn teori ekonomi yg muluk-muluk yg langsung tidak difahami oleh rakyat.*

**retorsi** (rétors) Id perbuatan membalas oleh sebuah negara (terhadap negara yg menyusahkan perdagangan).

**retort** (rértort) bekas kaca yg bulat, dgn leher yg panjang tirus yg membengkok ke bawah dan digunakan dlm makmal utk penyulingan; *kaki* ~ sj tiang besi tempat radas-radas disokong dgn sj penyepit berskru.

**retribusi** (rétribusi) hukuman atau balasan kerana sesuatu kesalahan, dosa, dsb.

**retroaktif** (rétroaktif) mulai berkuat kuasa dr tarikh yg lalu, yg diundurkan tarikh berkuat kuasanya (bkn undang-undang dsb): *seseorang tidak boleh didakwa mengikut undang-undang yg belum wujud ketika jenayah itu dilakukan walaupun ada peruntukan ~ dlm undang-undang.*

**retrogresif** (rétrogrésif) bersifat berbalik kpd keadaan sebelumnya yg lebih buruk (kurang maju, menurun dsb): *langkah ~ yg boleh menjejaskan kedudukan ekonomi negara bagi jangka panjang; pandangannya yg ~ itu menimbulkan kebimbangan kpd pergerakan wanita di negara ini.*

**retrospeksi** (rétrospéksi) tinjauan kembali pengalaman atau peristiwa yg lalu: *golongan pertama menyelongkar semula nostalgia serta ~ lama.*

**retrospektif** (rétrospéktif) meninjau atau mengenang kembali peristiwa, dsb yg lalu.

**retur** IB, bp kembali; *karcis* ~ Id tiket kereta api dll utk pergi dan balik; **meretur** mengembalikan, mengirim kembali: *surat itu diretur kpd pengirimnya.*

**retus** Tr memetik (bunga, daun, dll): *jangan ~ tangkai mempelam tu.*

**reumatik** (réumatik) berkaitan dgn atau disebabkan oleh reumatisme: *demam ~.*

**reumatisme** (réumatisme) (Ubat) penyakit yg dicirikan oleh radang dan rasa sakit, terutamanya pd otot dan sendi.

**reumatologi** (réumatologi) cabang perubatan yg berkaitan dgn reumatisme, artritis dsb, termasuklah punca, diagnosis dan perawatannya.

**revivalisme** (révivalisme) gerakan atau kecenderungan utk menghidupkan kembali adat (idea, gaya dsb) yg lampau: *pendekatan ~ menghidupkan kembali gaya rupa silam dlm konteks reka bentuk kontemporari.*

**revolusi** (révolusi) **1.** perubahan sesebuah kerajaan, sistem politik, atau sistem sosial yg dilakukan secara radikal dan kekerasan, spt rusuhan dan pemberontakan bersenjata: *Angkatan 45 lahir sbg pernyataan ~ Indonesia;* **2.** perubahan yg menyeluruh dan mendadak, terutamanya dr segi cara berfikir, bertindak, dsb;

*R~ Hijau* gerakan utk meningkatkan hasil tanaman di negara-negara sedang membangun melalui teknik pertanian moden, spt kesuburan tanah, penggunaan jentera, kawalan penyakit dsb; *~ mental* revolusi fikiran, perubahan pemikiran secara menyeluruh;

**berevolusi** mengadakan revolusi;

**merevolusikan** mengubah sistem pemerintahan (sosial dll) dgn kekerasan (cepat dll), membawa perubahan kpd sesuatu atau dlm sesuatu bidang secara radikal (meluas, menyeluruh, dan cepat).

**revolusioner** (révolutionér) **1.** bkn atau bersifat revolusi; **2.** benar-benar baru dan berlainan: *kaedah ~ membuat kereta; idea-idea ~;* **3.** orang yg menyokong revolusi;

**kerevolusioneran** perihal revolusioner.

**revolver** (révolver) sj pistol yg beberapa butir pelurunya disimpan di dlm silinder yg berputar setiap kali tembakan dilepaskan.



**rewak** (réwak) **I**; **merewak** meluas, merata (khabar dll), menjalar, merebak, merembet (kerusuhan, penyakit, dll).

**rewak** (réwak) **II** ark ada perkara yg hendak dikatakan (dikhabarkan).

**rewan** (réwan) ark pilu, rawan: *terbang mengawan segala ~*.

**rewang** (réwang) **I**; **merewang 1.** tidak tetap atau selalu berubah-ubah (tempat, fikiran, dll): *di sebelah petang ~lah cikgu singgah ke mana-mana; angan-angan dan jalan fikirannya panjang ~*; **2.** oleng (perahu dll).

**rewang** (réwang) **II**; **merewang** merambang, merawak; → **rawak**.

**rewang** (réwang) **III** gotong-royong sbg persiapan menjayakan sesuatu majlis (terutamanya majlis kenduri perkahwinan).

**rewel** (réwél) Jw **1.** ada-ada sahaja yg dikatakan (diminta dll), suka membantah, susah menurut, banyak mulut (bicara): *orang tua yg ~; tukang ~* orang yg banyak mulut (cakap); **2.** susah mengerjakan dll sesuatu, tidak berjalan dgn lancar (mesin dll), berabai, recok; **kerewelan** perihal rewel (kerecokan, kerusuhan, kesukaran, percecokan).

**rewet** (réwét) ark; **merewet** merembet.

**reyok** (réyok) Kl tidak betul kedudukan (sesuatu benda), senget.

**reyot** (réyot) **I** Jk sudah rosak benar dan hampir roboh: *kerusi tua yg sudah ~*.

**reyot** (réyot) **II** → **reyok**.

**rezeki** Ar **1.** segala sesuatu yg dikurniakan oleh Allah utk keperluan rohani dan jasmani, mis makanan, ilmu dsb; *ada nyawa (umur) ada ~* selama masih hidup tentu mendapat makanan; *itu bukan ~ saya* itu bukan utk saya (makanan dll); *memberi ~* a) memberi makanan (nafkah); b) membawa keuntungan (kemujuran); **2.** ki pendapatan, penghasilan, pencarian (wang dll utk sara hidup); *kehilangan ~* kehilangan mata pencarian; *mencari ~* mencari

makan, mencari penghidupan (dgn berusaha dll); *mendapat* ~ a) mendapat makanan (penghidupan dll); b) mendapat untung (laba), mujur; *putus* ~ kehilangan pencarian; **3.** peluang utk beroleh makanan dll, keuntungan, perolehan; *bukan* ~ bukan habuan (untung) seseorang; *dekat* ~nya cepat (mudah) mendapat untung; *jauh* ~nya sulit (susah) mencari untung; *kalau ada* ~ kalau ada wang (habuan, kemudahan, untung); *mudah-mudahan dimudahkan* ~nya mudah-mudahan banyak (mudah) mendapat keuntungan dll; *naik* ~nya semakin bertambah keuntungannya; *orang makan gaji, umur panjang* ~ *beragakkan* Mn orang makan gaji, umur panjang tetapi perolehannya terhad; *pembahagian* ~ pembahagian keuntungan dll; *perebutan* ~ perebutan keuntungan dll;

~ *batin* sesuatu yg berfaedah utk batin, makanan rohani (jiwa); ~ *harimau* ki sewaktu ada makanan banyak dan berjenis-jenis; ~ *jangan ditolak* untung jangan dibuang (dibiarkan terlepas); ~ *mahal* susah mencari penghidupan, jarang mendapat keuntungan; ~ *mata* sesuatu yg sedap dipandang; ~nya *meninggi* mendapat keuntungan tidak dgn bersusah payah; ~ *merendah* semua yg diusahakannya itu menguntungkannya; ~ *murah* selalu mendapat keuntungan tidak dgn bersusah payah; ~ yg *halal* pendapatan dll yg halal (bukan dgn penipuan dll); ~ *elang tak akan dapat (dimakan) oleh musang (burung pipit)* prb semua orang ada kemujurannya masing-masing, keuntungan seseorang tidak boleh direbut oleh orang lain;

**merezekikan** memberikan rezeki: *mereka tidak direzekikan dgn gugur syahid di medan jihad.*

**Rh** simbol kimia bagi rodium.

**RI** kep Republik Indonesia.

**ria I 1.** gembira, girang, riang, sukacita: *ia cukup ~ menerima ijazahnya; bersuka ~ berseronok-seronok, bersuka-suka; 2.* ramai atau riuh (oleh suara orang bersuka-suka, berseronok-seronok, dll);

~ *gembira* tersangat ria; ~ *riuh* ramai bersuka-suka;

**beria-ria** bergembira, bersenang-senang, berseronok-seronok, bersuka-suka;

**meriakan** menggembirakan, menggirangkan, menyenangkan, menyukakan: *mengapa pula dia tidak dapat ~ hatinya?*

**keriaan** perihal ria (kegembiraan, kegirangan, keseronokan, kesukaan): *apa yg bagiku merupakan ~, baginya merupakan kepedihan.*

**ria II** Ar → **riyak**.

**ria III** (Geog) sj teluk kecil (serokan) yg panjang yg terbentuk akibat drpd penenggelaman lembah di pinggir laut yg disebabkan oleh kenaikan aras laut: *ada sebuah pinggir laut yg mengandungi ~, teluk dan tanjung tinggi.*

**riadah I** Ar amalan kerohanian utk mengawal hawa nafsu, mis berpuasa, mengamalkan amalan sunat dsb.

**riadah II** Ar **1.** gerak badan, senaman; **2.** segala kegiatan yg dilakukan pd waktu lapang utk menyihatkan badan dan fikiran (spt bersenam, bermain, dsb), rekreasi;

**berriadah 1.** melakukan latihan gerak badan (senaman), bersenam; **2.** melakukan riadah (rekreasi), berekreasi.

**riadah, riadiat** ark; *ilmu* ~ ilmu pasti.

**riah** → **riyak**.

**riak I 1.** gerakan air yg mengombak (di permukaannya), gerakan air yg merupakan bulatan (kerana batu jatuh di air dll), ombak kecil: *dia merenung ~~~ air tempat jatuhnya batu itu; angin laut bertiup sepoi-sepoi bahasa, pohon-pohon kelapa melambai-lambai riang,*

~~~ kecil berlari di gigi air; **2.** getaran (gerakan) udara: *ketika hari terang dan panas terik ternampaklah ~~~ udara*; **3.** ki gerak-geri yg menandakan ada sesuatu yg terkandung dlm hati, gelagat: *maka Hitam terentap ke muka Deraman, sinar matanya tidak menimbulkan ~; ada ~~~ yg menunjukkan kedua-dua orang itu mempercayai kata-kataku; ~ gelombang gelombang radio; ~ ikan kocakan air yg disebabkan oleh ikan; ~ mua Kl a) gelombang kecil-kecil; b) tingkah laku yg kebudak-budakan (bersifat kebudak-budakan); ~-remiak beriak-riak (air);*

beriak, beriak-riak, meriak 1. bergerak-gerak mengombak (air, udara), berkocak-kocak (air): *hatinya tidak berkocak sedikit pun menerima hukuman itu, ia tenang, setenang air danau yg tidak ~; udara yg tenang mulai bergetar-getar, beriak-riak, silau mata memandangnya; hanya sececah meriak, tatkala mendengar berita itu hanya sebentar geletar hatinya ketika mendengar berita itu*; **2.** ki ada gelagatnya (yg menunjukkan kandungan hatinya): *perasaan benci ~ di mukanya; ~ tanda tak dalam, bergoncang tanda tak penuh prb perihal orang yg sombong dan besar cakap itu biasanya kosong (kepalanya).*

riak II dahak.

riak III ark → riyak.

rial 1. = ~ batu sl sj mata wang: *baginda bertitah menyuruh ambil tiga ~ batu diberikan kpd tok mudim*; **2.** wang: *maka oleh Bendahara apabila Tun Biajid bersalam, disuruhnya ikut pd seorang hambanya iring jauh-jauh membawa ~*; **3.** ukuran berat yg besarnya 1/2 tahl (kira-kira 20 gram): *emas tiga ~*; **4.** Kl ringgit; **5.** unit mata wang utama Iran dan Oman; *bak kambing rega se~ prb perihal orang yg tidak senonoh kelakuannya (tidak tentu kedudukannya, bercakap ke sana sini dgn*

cakap yg tidak ada ertinya); *jikalau tiada ~ di pinggang, saudara yg rapat menjadi renggang* prb jikalau sudah miskin, orang pun tidak menyukai kita lagi.

riam air terjun yg rendah, cegar; → **jeram I**.

rian ukuran benang yg besarnya 1/16 tukul.

riang I sangat gembira, girang hati, suka hati: *anak-anak sedang menari dan menyanyi dgn ~; ~ gembira suka dan gembira; ~ hati girang* (senang) hati, suka hati, sukacita; ~ *ria* riang gembira;

beriang; ~ *hati* = **beriang-riang** bersuka-suka, bergembira-gembira, bergirang-girang: *hamba tidak melarang tuan-tuan bersuka-suka, beriang-riang hati tetapi tiap-tiap sesuatu ada hingga batasnya*;

meriangkan menggembirakan, menggirangkan, menyenangkan hati;

keriangan 1. = ~ *hati* perasaan sukacita, kesukaan, kegembiraan;
2. berasa riang, berasa sangat gembira: *Salina ~ melihat gelagat Si Bulat*;

periang (orang yg) selalu riang: *ia seorang yg ~ dan peramah*.

riang II = **meriang**; ~ *semangat* berasa pening-pening, berasa gamang; *badannya meriang* dia agak demam; → **meriang I**.

riang III Kd, Pn tenaga, kuasa; *tak ada ~ lagi* tidak ada tenaga lagi (tidak larat lagi), sudah lemah; **reng III**.

riang IV Kl, Tr senget sedikit, reyok.

riang V; ~ *batu* sj tumbuhan (herba), *Begonia isoptera*; *pokok ~ hutan* sj tumbuhan (pokok memanjat), carik merah, *Vitis japonica*; *akar asam* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar iang-iang, akar yang-yang, akar kerayang, *Vitis hastata*.

riang-riang I; *biawak* ~ sj biawak yg besar, *Varanus salvator*.

riang-riang II sj serangga yg sayapnya lut sinar (yg jantannya berbunyi bising dan nyaring pd waktu senja).

riang-riang III 1. sj tumbuhan (pokok yg kayunya keras), *Ploiarum alternifolium* Melch; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), iang-iang, kayu kuat, keriang, *Archytae vahlii*; ~ *gelugur* sj tumbuhan (pokok renek), pakan paya, *Fagraea racemosa*; *rumpu* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Themeda gigantea* Hack.

riap perihal bertambah-tambah besar (binatang, kanak-kanak, dll);

meriap menjadi bertambah besar (bertambah banyak): ~ *anak-anak kayu di kebunnya*.

rias I hati batang pisang: *maka baginda pun mengerahkan rakyat berkotakan* ~.

rias II Jk hias; *kaca* ~ cermin utk berhias; *kamar (ruang)* ~ bilik tempat berhias diri; *tukang* ~ tukang menghias (pengantin);

berias berhias (diri), berdandan, bersolek;

merias menghiasi; ~ *mata* menghiasi mata (dgn celak dll); ~ *rambut* mengandam rambut;

riasan hiasan.

riayah Ar naungan, penjagaan: *kekuatan rohani, iaitu rakyat beriman kpd Allah, rakyat di bawah pemerhatian Allah, dan di bawah* ~-Nya.

riba I = ribaan pangkuan: *anak yg kecil itu*

duduk di atas ~ ibunya;

beriba duduk di atas riba (pangkuan);

meriba memangku: *isterinya* ~ anaknya.

riba II Ar **1.** bunga berganda yg membebaskan, yg diharamkan oleh Islam; *makan* ~ a) hidup dgn membungakan wang; b) membungakan wang dgn bunga yg tinggi, menghisap darah; **2.** ark pelepas wang, ceti; *tukang* ~ ceti.

ribak riba (bunga wang).

ribang ark rindu.

ribatat Ar pertalian (keluarga dll).

riboflavin sj vitamin B kompleks yg terdapat di dlm sayur-sayuran hijau, ikan, susu, hati, ginjal, telur dsb dan kekurangannya boleh menyebabkan penyakit pelagra.

ribu bilangan sepuluh kali seratus; *empat* ~ 4000;

seribu **1.** 1000; **2.** banyak sekali, bermacam-macam; *dgn* ~ *daya* dgn bermacam-macam daya; *diam* (*membisu*) ~ *bahasa* diam sama sekali; *membuat* (*mengangkat*) *langkah* ~ lari dgn bersungguh-sungguh (kerana takut, dikejar, dll), cabut lari; *retak* ~ a) retak yg banyak lagi kecil-kecil (pd pinggan dll); b) sj corak batik Malaysia;

menyeribu; ~ *hari* mengadakan kenduri (arwah) sesudah seribu hari seseorang meninggal;

perseribu dibahagi seribu; *satu* ~ satu dibahagi seribu 1/1000;

beribu, beribu-ribu beberapa ribu, banyak ribu: ~ *orang*;

meribu sl beribu-ribu: *meratus cermin di kaki*, ~ *cermin di pinggang*;

ribuan **1.** (dlm) bilangan ribu: *kemajuan Malaysia mungkin mencapai kemuncaknya dlm tahun-tahun dua* ~; **2.** beribu-ribu: ~ *manusia membanjiri taman bunga kerana menyaksikan pertunjukan kebudayaan*.

ribu-ribu sj tumbuhan (paku-pakis), selada, *Lygodium scandens*;

~ *besar* = ~ *gajah* sj tumbuhan (paku-pakis), *Lygodium flexuosum*; ~ *bukit* = ~ *duduk* sj tumbuhan (paku-pakis), akar sidin, paku jari merah, *Lygadium circinnatum*; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok renek), *Anisophylla scortechinii*.

ribut I 1. = *angin* ~ angin kencang, badai; **2.** keadaan cuaca buruk yg merupakan gabungan unsur spt angin, tekanan, awan dan kerpasan, yg merangkumi ribut petir, siklon dan tornado;

hujan ~ hujan dan ribut; *turun* ~ angin kencang bertiup; ~ *angin* ribut dgn angin yg sangat kencang; ~ *api* api kebakaran yg tidak terkawal disebabkan angin kencang, biasanya terjadi akibat letupan bom; ~ *pasir* angin kencang di padang pasir yg menyebabkan kepulan-kepuhan pasir berterbangan; ~ *petir* ribut yg disertai guruh dan kilat, biasanya diikuti hujan lebat; ~ *salji* angin kencang yg sangat sejuk dan disertai salji; ~ *tenggara* ribut dr arah tenggara; ~ *taufan* angin ribut;

tak ada ~ *masakan daun bergoyang* prb tentu ada sebabnya maka terjadi sesuatu perkara;

beribut membadaai, berkecamuk (angin dll): *taufan* ~.

ribut II 1. banyak yg harus dikerjakan, sibuk sekali, hibuk: *entah apa yg diserukan, ia tidak mengerti, kerana ia terlalu* ~ utk menangkapi kata-kata itu; *buat* ~ buat sibuk, pura-pura sibuk; **2.** bising, gaduh, hingar, huru-hara, ramai, recok, rusuh: *mereka* ~ *malam kelmarin kerana kehilangan wang; di pelabuhan sangat* ~ bunyi berbagai-bagai gerobak dan sorak pekerja; **3.** marah-marah, mengamuk: ~, *kelam-kabut, bertunda-tunda, sedang sepak terajang, tinju tampar berdambun-dambun bunyinya;*

meributkan 1. menjadikan ribut, mengacaukan, menggemparkan; **2.** menimbulkan huru-hara (gaduh dll), merusuhkan;

keributan 1. kesibukan, kegiatan (kerja): ~ *di jalan raya sungguh memeningkan kepala;* **2.** kegemparan, kekacauan, kekecohan, kekecokan, kerusuhan: *soal yg ditimbulkannya itu telah mencetuskan satu* ~ *besar di rapat pemuda;*

peribut pengacau, pengganggu (keamanan), perusuh.

ricau; mericau **1.** berkicau (burung dll), menggericau; **2.** banyak mulut, cerewet, berleter, berceloteh, mengoceh, meracau;

pericau orang yg suka mericau (berleter, berceloteh, dsb).

ricetit (ricétit) (Kim) bijih yg mengandungi plumbum dan uranium.

ricih; mericih menghiris, menyayat; → **rincih**.

ricis; mericis meracik; → **rincis**.

ricu campur aduk, kacau, kalut, kusut;

kericuan perihal ricu, kekacauan, kekalutan.

RIDA akronim bagi *Rural and Industrial Development Authority* (Lembaga Kemajuan Perusahaan dan Kampung).

ridan sj tumbuhan (pokok yg kayunya dibuat papan dll), *Nephelium maingayi*.

ridap; meridap Sb (dlm keadaan) tertidur atau terlelap dgn mata terpejam dan tidak sedarkan diri buat seketika kerana penat.

riddah Ar perbuatan keluar drpd agama Islam, sama ada melalui perbuatan, perkataan, atau niat.

Ridhwan malaikat yg menjaga pintu syurga.

riding **1.** sl sj jaring besar (utk menangkap kijang dll); **2.** sl kayu-kayu kecil (anak-anak kayu) di pinggir-pinggir hutan dll: *maka diintai oleh Badang dr balik* ~.

ridip sirip di belakang ikan.

ridwan Ar **1.** rela; **2.** berpuas hati.

riel unit mata wang Kampuchea.

rigai Mn tinggi lampai, tinggi kurus, panjang dan ramping.

rigap I Pr cekap dan pantas (kerja): ~ *spt lipas kudung*.

rigap II, rigat Kl tangkap, igap, igat.

rigi-rigi Mn gerigi;

berigi-rigi bergigi tajam pd tepinya (spt gergaji), bergerigi, beringgit-ringgit: *ia mempunyai rahang-rahang yg* ~.

rih Ar angin.

rihal → □ **rehal**.

rijalulghaib Ar wali Allah yg tidak kelihatan pd mata kasar manusia biasa.

rijil IB, bp nyata, sungguh: *dlm renungan, bisa dilukiskan kejadian-kejadian yg ~ dgn tidak merosakkan suasana renungan.*

rikaz Ar bahan galian spt bijih emas, perak dan minyak: *zakat ~; undang-undang ~ undang-undang mengenai bahan-bahan galian (spt minyak dan bijih).*

riket (rikét) sj penyakit yg disebabkan kekurangan vitamin D (biasanya dialami semasa bayi dan kanak-kanak) yg mengakibatkan tulang menjadi lembut dan seterusnya bengkok (spt pd kaki pengkar).

riketsia (rikétsia) sj mikroorganisma parasit drpd genus *Rickettsia* yg hidup dlm tisu tungau, sengkentit dan artropod lain, dan boleh menyebabkan penyakit tifus dsb pd manusia.

rikuh Jw malu-malu, canggung, segan-segan.

rim I kuantiti kertas yg berjumlah 480 helai (biasanya kertas tulis) atau 500 helai (biasanya kertas cetak).

rim II IB, bp tali pinggang drpd kulit.

rim III bingkai (drpd besi) tempat memasang tayar motokar (basikal dll).

rima I bunyi yg sama pd huruf akhir atau kata akhir dlm sesuatu rangkap (spt dlm gurindam).

rima II (Ast) rekahan yg kelihatan di permukaan planet atau satelit.

rimas 1. berasa tidak enak (tidak nyaman, tidak senang) kerana panas dll: *kebanyakan orang muda sekarang kurang gemar lagi memakai pakaian kebangsaan, ~ kata mereka;* **2.** tidak senang hati, gelisah hati: *perkataan itu seolah-olah utk menyenangkan hatinya sendiri yg berasa ~ bergelap begitu;*

merimaskan menyebabkan tidak enak (tidak nyaman, tidak senang, dll), mengganggu (fikiran), merunsingkan: *ia disuruh memakai pakaian yg ~; berita buruk yg diterimanya itu ~ kepalanya;*

kerimasan perasaan rimas, kegelisahan hati.

rimau I bp harimau.

rimau II; *rumpun* ~ sj tumbuhan (pokok renek), keman, *Mimosa pudica*;
susu ~ sj tumbuhan (kulat), *Polystictus rhinocerotis*.

rimba hutan besar (yg belum pernah dibuka manusia); *hutan* ~ berbagai-bagai hutan;

~ *dara* rimba (hutan) yg masih terpelihara spt keadaannya yg asli (tidak terganggu oleh kerja-kerja pembangunan dsb); ~ *raya* (*belantara*) hutan yg sangat besar;

merimba menjadi rimba, spt rimba: *jelatang* yg ~ kecil di tepi *tubir*.

rimbas 1. sj alat utk menarah kayu, penarah kayu, beliung, patil; **2.** sj alat utk menyangi tanaman dll, tajak;

merimbis 1. menarah kayu dgn rimbas; **2.** menyangi rumput dll dgn rimbas.

rimbat 1. kayu panjang pd bibir perahu, kayu palang pd pintu; **2.** galah kayu (buluh) panjang yg diikat pd turus (pancang).

rimbu ark rimba.

rimbuk Kd, bp tampan, pukulan (yg kuat); *kena* ~ kena tampar (yg kuat);

merimbuk menampar (dgn kuat).

rimbun 1. lebat daunnya, berdaun dan bercabang-cabang banyak: *pokok* yg ~; *pokok getah* itu ~ *semula*; **2.** lebat (rambut, bulu, dll), tebal (rambut, bulu, dll); *kepala* ~ berambut banyak; **3.** memakai atau mempunyai banyak (alat, pakaian, dll): *pakaian dan perhiasan*

gadis itu telah ~; perahu yg ~ layarnya; suaminya itu tidaklah orang terbuang melainkan ~ rampak dlm kaumnya, ada beradik kakak;

merimbun **1.** sangat rimbun: *ia pun berjalan menuju rumpun tebu yg ~;* **2.** menjadi rimbun: *pokok-pokok lainnya tetap juga ~;*

merimbunkan **1.** menjadikan rimbun; **2.** menjadikan banyak: *dia tidak akan berusaha ~ peninggalan ayahnya; didirikannya suatu besi penghalang dan dirimbunkan bara api di bawahnya;*

rimbunan **1.** pohon-pohonan yg rimbun: *pengganas itu hilang dlm ~ tebal;* **2.** daun-daun (ranting-ranting) yg banyak: *cahaya yg indah itu merecik di antara lambaran daun kelapa dan ~ pohon rambutan;* **3.** lindungan: *kalau tidak kerana ~ lalang di situ, tentulah apa yg dilakukan oleh Basir akan ternampak;*

kerimbunan perihal atau keadaan rimbun: *~ pohon-pohon di situ tentunya menyediakan tempat berteduh yg sangat nyaman.*

rimis Mn wang tembaga yg bernilai setengah sen, peser;

serimis setengah sen, sepeser: *tidak berharga ~ tidak berharga langsung.*

rimpai C gimpal.

rimpang batang pokok dlm tanah (yg tumbuh mendatar dan bercabang-cabang, spt halia, kunyit, dll); *jari ~ jari tangan (kaki) yg renggang dan tidak teratur (searah).*

rimpi pisang dll yg dikeringkan (dijemur atau disalai).

rimping; perimping yg di hujung sekali (orang, barang-barang).

rimpuh tidak ada tenaga lagi, kehabisan tenaga (lelah, letih, penat);

merimpuhkan menjadikan rimpuh, memenatkan.

rimpung terikat kakinya;

merimpung mengikat kedua-dua belah kakinya.

rimpus Pl mengikat keempat-empat kaki binatang (yg akan disembelih);

→ □ **rapus I.**

rinai I Mn renai, renyai (hujan); *hari* ~ hari renyai, hujan rintik-rintik (gerimis, rebas).

rinai II ark; **merinai** menyanyi kecil, bersenandung;

merinaikan menyanyikan atau melagukan (nyanyi dll).

rinci; merinci 1. memecahkan (membahagi-bahagikan) kecil-kecil, menghuraikan kecil-kecil; *soal yg rumit itu telah dapat dirinci* telah dapat dipecahkan; **2.** menerangkan (memperkatakan, merancang, dll) dgn menyebut bahagian yg kecil-kecil, menerangkan dll sampai kpd perkara-perkara yg sekecil-kecilnya, memperincikan: ~ *masalah negara*;

perincian 1. pembahagian (pemecahan) dlm bahagian yg kecil-kecil, perincisan: *jadual yg menunjukkan ~ perolehan dan perbelanjaan dlm setahun*; **2.** huraian (tafsiran) sesuatu rancangan dll: ~ *rancangan pembangunan yg diterima oleh kabinet*;

perinci orang yg merinci, alat utk merinci; *jawatankuasa ~ jawatankuasa perancang*.

rincih keratan (potongan, sayatan) kecil; ~-*rancah* segala maklumat (terutamanya yg kecil-kecil) tentang sesuatu: *semoga Midah menemukan ~-rancah sejarah nenek moyangmu, selapis demi selapis*; *harga* ~ harga jualan sedikit-sedikit, eceran; *perniagaan* ~ ark perniagaan kecil (lwn perniagaan secara borongan);

merincih menghiris (memotong, mengerat, dll) kecil-kecil, menyayat, meracik.

rincik 1. keratan (potongan, sayatan) kecil-kecil; *wang belanja* ~ wang utk belanja perkara-perkara kecil (yg bermacam-macam); *daging* ~ daging yg dipotong halus-halus atau yg kecil-kecil; **2.** baki, pinjul;

merincik memotong (mengerat) halus-halus (kecil-kecil): ~ *pinang*.

rincin → □ **rincih**.

rincis ark; **merincis** menghiris tipis-tipis, menyayat kecil-kecil, meracik, merajang;

perincisan perihal merincis.

rincu, rincuh kacau; → □ **rancu, ricu**.

rinding I Jw sj alat bunyi-bunyian, genggong.

rinding II; merinding seram bulu roma, ngeri; **merindingkan** menyeramkan bulu roma, mengerikan.

rindu I 1. ingin benar akan sesuatu atau berjumpa dgn seseorang: *ia selalu ~ akan pakaian yg indah-indah; terlalu sangat ~ baginda akan anakanda baginda; ~ akan kampung halaman; 2. = ~ berahi = ~ dendam = ~ rawan* perasaan sangat cinta atau berahi pd seseorang: *sayang sekali ~ dendam itu telah menyiksa hatinya; melepaskan ~ mencurahkan perasaan cinta kasih; menanggung ~ menaruh cinta kasih;*

merindu 1. menjadi rindu, menanggung rindu: *spt orang ~ sahaja lagaknya; 2.* bernyanyi-nyanyi kerana rindu, bersenandung kerana rindu;

merindui mempunyai keinginan yg sangat kuat utk bertemu dgn seseorang atau mendapatkan sesuatu dsb, yg sentiasa berada dlm ingatan, kenangan dsb: *orang tua itu ~ anak cucunya; saat itu aku begitu ~ belaian manja ibu dan kemesraan adik-adikku yg tidak akan kutemui lagi di dunia ini; yg pastinya, mereka tetap ~ masakan ibu dan berbuka puasa bersama keluarga;*

rindu-merindui saling berasa rindu: *tentunya mereka ~ ketika berjauhan;*

merindukan 1. membangkitkan rasa rindu, mendatangkan rindu, menjadikan rindu: *nyanyian yg merawankan dan ~ hati*; **2.** menaruh rindu akan: *spt pungguk ~ bulan*;

rinduan 1. sesuatu yg dirindukan; **2.** orang yg dirindukan, kekasih: *gadis tunggal ~nya dirampas orang*;

kerinduan perihal rindu (rasa rindu, keinginan dan harapan akan berjumpa, dll): *~ tidak akan ada lagi apabila mata bertentangan*;

perindu orang yg menanggung rindu.

rindu II; perindu; buluh ~ a) sj tumbuhan (buluh), *Bambusa magica*; b) sj seruling.

rindu III; kayu ~ sj tumbuhan (pokok besar), *Millettia albiflora*.

ring I bunyi spt bunyi loceng (riang-riang dll); → □ **dering I**.

ring II IB, bp cincin, gelang-gelang; *gelang* ~ Id gelang tangan yg agak tebal.

ringan 1. tidak berat, enteng: *kayu ~; bungkusannya yg ~ diangkat dgn sebelah tangan*; **2.** senang dilakukan atau dijalankan (pekerjaan, pembayaran, dll), mudah: *pekerjaan guru bahasa bukanlah pekerjaan yg ~*; **3.** tidak mendalam (kandungannya dsb), tidak menimbulkan kerumitan atau kesulitan (kpd pembaca, pelajar, dsb): *akhbar dan majalah yg populer sering memuatkan cerpen-cerpen yg bersifat ~; bahan-bahan bacaan ~*; **4.** tidak penting, tidak mustahak, enteng, kecil, remeh (perkara dll): *sikap permusuhan antara kedua-dua negara itu tidak boleh dipandang ~; dikenakan cukai yg ~; kesalahan ~ kesalahan yg kecil sahaja; perbualan ~ perbualan mengenai perkara-perkara remeh; najis ~ najis yg memadai disucikan dgn hanya menjirus air sahaja (kencing anak laki-laki di bawah umur dua tahun yg meminum susu ibunya sahaja)*; **5.** tidak terlalu (sangat), tidak berbahaya (penyakit dll), tidak berat: *akibat drpd pertempuran itu, beberapa*

orang mendapat luka ~; 6. tidak memabukkan (minuman, tembakau, dll): mereka menyajikan minuman ~; 7. ringkas dan tidak mengenyangkan (bkn makanan), hidangan makanan yg tidak begitu mengenyangkan (bkn jamuan): jamuan ~; 8. mudah, ringkas (pakaian): ia berpakaian ~; 9. perlahan, rendah (suara dll): kalimat itu diikuti oleh keluhan ~; ia melenggang ~ menuju ke daun pintu; 10. kecil-kecil, halus-halus, tidak lebat (hujan): kadang-kadang rintik-rintik hujan yg berpanjangan itu turun dgn kasarnya, kadang-kadang ~ pula; 11. cepat mengeluarkan buah (tanaman): padi ~; pisang ~;

~ kaki suka berkunjung (melawat dll); ~ kepala mudah memahami (mengerti) ajaran; ~ mulut (lidah) a) peramah, lancar, dan fasih tutur katanya, suka bercakap; b) suka cerewet (banyak mulut); ~ tangan a) suka menolong, cepat berbuat sesuatu; b) suka mengambil hak orang, gemar mencuri; ~ tulang rajin bekerja, tangkas;

~ sama dijinjing, berat sama dipikul = berat sepikul, ~ sejinjing prb bersama-sama dlm suka dan duka atau sama-sama mengerjakan sesuatu; ~ tulang berat perut prb siapa yg rajin bekerja, ia banyak beroleh rezeki;

beringan-ingan sl meringankan;

meringani Mn; *~ datang dgn suka hati datang, sudi datang;*

meringankan 1. menjadikan ringan, mengentengkan, memudahkan: *~ bebanan; dlm usaha ~ hikayat ini, diusahakan supaya keaslian penulisannya dikekalkan; 2. = meringan-**ringankan** menganggap ringan (mudah dll): ia sangat ~ agamanya; ia sengaja meringan-**ringankan** hukum; penyakit yg berjangkit tidak boleh diringan-**ringankan**; sembahyang tidak sekali-kali boleh diringan-**ringankan**; 3. ki mengurangkan*

(hukuman): *merayu supaya hukuman mati itu diringankan kpd penjara seumur hidup sahaja*; ~ *kaki sudi datang*;

memperingan menganggap lebih ringan (lebih mudah, lebih tidak bererti, dll): *jangan engkau peringan ibadatmu kpd Allah*;

keringanan 1. perihal ringan: *ia meminta ~, meminta dikurangkan bebannya*; **2.** terlampau ringan;

peringanan perihal meringankan.

ringga → □ **rengga**.

ringgi emping drpd padi yg masih lembut isinya;

beringgi, meringgi Kd buah padi yg sedang berisi (masih lembut isinya).

ringgin; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Corex cryptostachys*.

ringgis ranggas.

ringgit I 1. mata wang yg bernilai 100 sen: *wang ~*; *R~ Malaysia* (dgn simbol RM) unit mata wang Malaysia, mis *RM20.00* dan *RM320.00*; **2.** Id mata wang atau wang drpd perak yg bernilai 2.5 rupiah, digunakan pd zaman penjajahan Belanda;

beringgit-ringgit beberapa ringgit, banyak ringgit.

ringgit II gerigi atau rigi-rigi (pd tepi roda pemetik api dll);

beringgit, beringgit-ringgit bergerigi, berigi-rigi;

meringgiti membuat ringgit-ringgit (pd besi dll);

besi baik diringgiti prb perihal sesuatu yg sudah baik dibaiki lagi.

ringih; meringih meringkik.

ringin; *sapu-sapu* ~ sl sj permainan anak-anak.

ringis; meringis 1. menyeringai, mengernyih: *ia ~ memandang kepadaku*; **2.** geronyot mukanya (kerana kesakitan dll); **3.** bermuka masam (kerana kecewa dll).

ringkai I kering benar (daun dll); ~ *ringan* kering serta ringan;

meringkai menjadi kering benar;

meringkaikan mengeringkan.

ringkai II; (*pokok*) ~ *jernang* sj tumbuhan (pokok kecil), kiru, pisang-pisang bukit, *Mitrephora reticulata*.

ringkas 1. tidak banyak mengambil tempat (kecil): *lipat baju itu supaya ~*; **2.** tidak panjang, pendek, singkat (cerita, karangan, dll): *laporan yg ~*; *penerangan ~ diberikan kpd semua pegawai*; *jalan ~ jalan yg singkat*; *huruf ~ kependekan (singkatan)*; *~nya pendeknya*; *~ tegas = tegas ~ pendek dan padat (keterangan dll)*; **3.** tidak banyak olahnya (bicaranya dsb), tidak cerewet: *orangnya ~ dan mudah diajak berunding*;

meringkaskan 1. menjadikan ringkas, menjadikan kecil supaya tidak mengambil tempat: *benda itu diringkaskan supaya masuk ke dlm beg*; **2.** memendekkan, menyingkatkan (cerita, laporan, pembicaraan, dll), mengikhtisarkan: *~ karangan*; *~ pembicaraan*;

ringkasan 1. ikhtisar, intisari, singkatan (cerita dll); **2.** kependekan;

keringkasan perihal, keadaan atau sifat ringkas: *pentingnya bahan ini terletak pd kepelbagaian dan ~nya*;

peringkasan perihal meringkaskan: *kerana hakikat ini, wujud ~ barangnya sendiri, maka ia hanya memerlukan ruangan kecil*.

ringkat Br mangkuk tingkat, mangkuk tepen, siya.

ringkik bunyi kuda yg bunyinya kuat, langsing dan panjang, biasanya apabila dlm keadaan ketakutan atau teruja;

meringkik berbunyi ringkik (kuda dll): *seekor kuda ~ diiringi uakan beberapa ekor lembu*;

ringkikan bunyi kuda meringkik, ringkik: *beliau berangkat sendirian sambil menajamkan pendengaran kalau-kalau terdengar bunyi ~ kuda*.

ringking; meringking **1.** mendengking, menyalak; **2.** menengking, memekik.

ringkuk; meringkuk **1.** duduk (tidur dll) meromok: *anaknya tidur ~ di atas lantai*; **2.** mendekam (dlm penjara), terkurung, terpenjara: *setidak-tidaknya pembunuh itu akan ~ sepuluh tahun dlm penjara*; **ringkukan; dlm** ~ dlm tahanan (penjara).

ringkus Jk; **meringkus** **1.** mengikat kaki dan tangan, mengikat kaki binatang yg hendak disembelih; **2.** bp menangkap, menahan, membekuk (penjahat dll): *tugas polis ialah memelihara keamanan, ~ penjahat, menangkap pencuri*; **3.** ki memakai (mencuri) barang yg diamankan, menggelapkan.

ringsek Jk rusak dan kemik.

ringsing ark; **meringsing** berkerut-kerut: *umur sudah lewat dan kulit pun mulai ~.*

rini Id setengah sen, peser, cepeng.

rinitis (Ubat) radang pd membran mukus hidung.

rinjing Jw sj bakul.

rinologi cabang perubatan yg berkaitan dgn hidung serta penyakit-penyakitnya.

rinoplasti (Ubat) pembentukan semula hidung, sama ada utk membaik pulih kecacatan atau utk tujuan kecantikan secara pembedahan plastik.

rinorea (rinoréa) (Ubat) lelehan mukus cair dr hidung.

rinoskop (Ubat) alat utk memeriksa struktur dalaman hidung.

rinoskopi pemeriksaan bahagian dalaman hidung utk mengesan penyakit dsb dgn menggunakan rinoskop.

rinovirus (Bio) kumpulan virus yg mengakibatkan selesema dan beberapa penyakit saluran pernafasan.

rintang I; merintang terletak melintang: *batang kelapa ~ di jalan itu*;

merintang **1.** menggalang: *Sungai Kelantan yg dirintang beting-beting; ada sebatang batang pinang yg ~ parit itu digunakan sbg titi;* **2.** menghalang-halangi, menyukarkan (perjalanan dll): *beberapa faktor sosial yg ~ kemajuan kaum tani kita;* **3.** mengacau, mengganggu, mengusik: *usaha-usahanya digagalkan oleh pemerintah kolonial, segala kerjanya dirintang;*

merintangkan meletakkan merintang, merintang sesuatu dgn: *polis ~ sekatan-sekatan di jalan;*

terintang terhalang, terganggu;

rintangan sesuatu yg merintang, halangan, gangguan: *tiadanya pendidikan yg mustahak ini akan menjadi ~ besar utk kanak-kanak melanjutkan pelajaran;*

perintang **1.** sesuatu yg digunakan utk merintang; **2.** orang yg merintang.

rintang II 1. sedang melakukan sesuatu, asyik atau sibuk (melakukan sesuatu): *sekalian orang telah ~ dgn pekerjaan masing-masing;* **2.**

sangat suka (melakukan sesuatu, bermain, dll): *~ main; ~ madat;*

merintang, merintang-rintang berbuat sesuatu utk menyenangkan hati (menghilangkan susah, menghabiskan waktu, dll): *mujur ada pekerjaan penting yg ~ dia drpd fikiran kacau itu; dgn bekerja berat, kesusahan dlm rumah dapat jua dirintang-rintang;*

~ anak menghiburkan anak supaya jangan menangis dll; *~(-rintang) fikiran* menghilangkan rasa susah (dgn mengalih fikirannya kpd perkara lain spt bekerja, bermain, dll); *~(-rintang) hati* menghiburkan hati; *~(-rintang) lelah (payah, penat)* menghilangkan lelah (dgn berbuat sesuatu); *~ (-rintang) mata* menjamu mata (dgn melihat benda yg indah-indah dll); *~(-rintang) waktu* mengisi waktu lapang dgn berbuat sesuatu;

perintang, perintang-rintang sesuatu yg dilakukan bagi merintang-rintang (hati, fikiran, dll): *mari kita menyanyi utk ~; ~ fikiran; ~ hati; ~ waktu (masa).*

rintas; merintas melintas, memintas.

rintih I = rintihan 1. suara mengerang (kerana kesakitan dll), keluhan, keluh-kesah: *kedengaran pula olehnya ~ dan igauan isterinya; 2.* kesedihan yg dilahirkan dgn kata-kata, jeritan, keluhan, ratapan: *rintihan anggota kesatuan itu terhadap penindasan setengah-setengah pihak majikan; 3.* kesusahan hati, kesedihan: *rintihan yg dideritai oleh segolongan manusia; suara itu penuh rintihan;*

merintih 1. mengerang (kerana kesakitan dll), mengaduh, mengeluh: *di atas sebuah bangku, berbaring seorang laki-laki yg sedang ~ kesakitan; 2.* melahirkan perasaan susah (sedih), mengeluh, mengesah: *mereka selalu ~ kerana kesusahan; 3.* sedih, pilu (suara): *janganlah ketawa hai anakku, katanya dgn suara ~;*

merintih melahirkan perasaan susah (sedih, kesal, kecewa, dsb) terhadap sesuatu: *~ nasib malang yg menyimpannya.*

rintih II Kd; merintih memotong daun kelapa dgn menggunakan pisau, parang, dll supaya daun terpisah drpd pelepah: *~ daun kelapa.*

rintik 1. titik-titik pd dasar yg lain warnanya, bintik, korek: *~~~ putih pd kulit; anak singa mempunyai belang serta ~~~ yg samar; kuda ~ kuda yg bulunya ada rintik-rintik; 2.* titik (percik air dll), titis: *~ embun; ~ hujan; hujan ~(-~) hujan renyai, gerimis; bapa borek anak ~ prb anak itu mengikuti kelakuan dll orang tuanya;*

berintik, berintik-rintik berbelang kecil-kecil, berbintik-bintik, kurik: *kain tapak biru ~ hijau; merintik-rintik* bertitik-titik, menitis: *embun mulai ~; peluh ~ di keningnya; air hujan masih juga ~.*

rinting sj tumbuhan (palma), kerinting, *Ptychoraphis singaporensis.*

rintis = **rintisan** jalan kecil dlm hutan (yg baru sahaja dibuat);

merintis 1. menerangi hutan (dgn menebangi kayu-kayuan dll) utk membuat jalan: *mereka dgn segera mengukur, ~, dan menebas anak-anak kayu membuat lorong jalan*; **2.** memancang tanah yg akan dibuat jalan: *pekerjaan ~ jalan raya ke pedalaman itu eloklah dilakukan oleh tenaga rakyat sendiri*; **3.** = ~ jalan pertama-tama mengerjakan sesuatu, membuka jalan, mempelopori: *galakan harus diberikan kpd ahli-ahli sains Melayu utk ~ jalan supaya dapat dilalui oleh anak-anak Melayu; perubahan-perubahan besar yg dirintis oleh penghapusan faham feudal*; **4.** Kd menyangi daun drpd pelepah (batang dll): *~ daun rumbia*;

rintisan 1. rintis; **2.** jalan kecil yg merupakan sempadan antara hutan yg sudah ditebas; **3.** usaha yg pertama sekali (yg mula-mula);

perintisan perbuatan merintis: *pengamatan tentang perwatakan orang Melayu yg dilakukan oleh Raffles adalah satu ~ yg penting*;

perintis 1. = ~ jalan orang dll yg pertama sekali mengusahakan (mengerjakan) sesuatu, pembuka jalan, pemuka, penganjur: *~ kemerdekaan; ~ kemajuan sains dan teknologi; perusahaan yg diberi taraf ~ perusahaan yg mendapat keutamaan dan perlindungan kerajaan (tidak dikenakan cukai utk beberapa waktu) kerana merupakan yg pertama dlm lapangannya*; **2.** Id pasukan polis (tentera) yg bergerak dahulu atau yg membuat serangan yg mula-mula.

rinyai Mn renai, renyai.

ripai Pr wang yg diturunkan secara berdikit-dikit oleh beberapa orang utk membeli sesuatu benda yg mahal, wang pakatan;

meripai (berpakat) mengumpulkan wang berdikit-dikit utk membeli sesuatu benda yg mahal.

riparian (Udg) **1.** berkaitan dgn hak pemilik tanah yg sah di sisi undang-undang ke atas kawasan tebing sungai, mis hak utk menangkap ikan dsb: *hak-hak* ~; **2.** orang yg tanahnya terletak di tebing sungai.

ripau Br hampas sagu, tahi sagu.

riping Kl sepet.

ripit Mn kerepek pisang (keladi).

ripu, ripuh Jk **1.** mengalami kesusahan (kerana sakit, ketiadaan wang, dll); **2.** banyak kerja, sibuk, repot; **3.** kacau-bilau, tidak keruan, ribut.

ripuk patah, pecah-pecah (remuk), rosak; *runtuh* ~ hancur sama sekali.

riri sr utk memanggil itik.

irit Mn ark deret, leret.

risa **1.** sj bincul pd kulit (spt kutil atau jerawat); **2.** belulang (kulit yg keras) pd tapak tangan dll.

risak ark; **merisak** mengacau, mengganggu, mengusik.

risalah Ar **1.** surat edaran (siaran): *siaran itu dikeluarkan dgn rasmi melalui akhbar-akhbar dan beribu-ribu ~ yg ditaburkan*; **2.** karangan (rencana) ringkas mengenai sesuatu perkara: *diusahakan buku-buku kecil atau ~-~ pengenalan tentang PBB*; ~ *ujian* Id karangan utk peperiksaan, disertasi; **3.** sl yg diutuskan (surat, utusan, dll), yg dikirimkan; *menyebarkan (menyampaikan) ~ menyebarkan (menyampaikan) seruan agama (rasul-rasul)*;

risau I jahat perangai (suka berbuat honar dll); *orang* ~ orang yg jahat;

merisau hidup tanpa aturan, hidup liar, berkeliaran, bertualang: *iaitu asalnya juak Yang Dipertuan Muda jua, kemudian pergi meninggalkan dia lalu pergi merisau-risau mengikut raja lanun itu*;

perisau orang risau, orang jahat (buruk perangai atau kelakuannya).

risau II 1. = ~ *hati rusuh hati, cemas, gelisah: jangan ~ dan bimbang; jangan-jangan mereka ~ saya lambat balik ni; 2.* huru-hara, tidak aman, gaduh, kacau, ribut, rusuh: *pembangunan negara tidak dapat berjalan lancar selagi masih ada ~ dan kacau;*

merisaukan 1. mengacau (keamanan, ketenangan, dll), mengganggu (ketenteraman); **2.** menyebabkan risau, mengacaukan (hati), mencemaskan, menggelisahkan, merusuhkan (hati, fikiran): *beberapa kejadian yg ~ hati; ia semakin ~ orang-orang yg mendengar kata-katanya; 3.* berasa risau (cemas, gelisah) tentang sesuatu: *apa yg dirisaukan tentang perkara ini. Saya boleh bereskan; dia tidak bimbang dan tidak pula ~ masa depan;*

risauan sesuatu yg merisaukan, gangguan (keamanan dll);

kerisauan perihal risau, kekacauan, kerusuhan (hati), kecemasan, kegelisahan: *perkara yg mengenai diri sendiri boleh menjadi punca ~ fikiran kita;*

perisau 1. orang yg selalu risau, pencemas, perusuh; **2.** pengacau, pengganggu (keamanan dll).

RISDA akronim bagi *Rubber Industry Small Holders Development Authority* (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah).

risi Jk **1.** berasa geli (tidak senang); **2.** ki berasa tersinggung (perasaannya).

risik I; merisik meraba-raba atau mencari-cari sesuatu: *dlm gelap itu, ia ~ suis lampu.*

risik II = risikan 1. usaha (dgn diam-diam) utk mengetahui sesuatu, penyiasatan yg dilakukan dgn sembunyi-sembunyi, pengusutan: *~ ~ damai telah dibuat melalui Bangkok; drpd ~ yg dibuat, ternyata*

kekuatan musuh lebih besar drpd yg dijangka semula; 2. keterangan (bukti) yg diperoleh secara rahsia: ia mendapat ~ bahawa rancangannya telah diketahui orang;

merisik 1. menyelidiki atau menyiasat dgn sembunyi-sembunyi (bersulit-sulit): *setelah beberapa lama ~, ia mendapat kepastian bahawa orang yg dirisik itu hanya seorang musafir; 2.* (mengirim orang) menyiasat berjaya atau tidak pinangan, mengirim orang utk meminang: *dia menyuruh saya ~ Wan Mahani anak Pak Haji...; maka ~lah ibunya di kampung mencari gadis yg baik utk menjadi isterinya;*

perisikan perihal (kegiatan dsb) merisik: *pengarah ~;*

perisik orang atau jabatan yg tugasnya merisik (mencari keterangan, dll dgn sembunyi-sembunyi): *pegawai ~; polis ~.*

risik III 1. gerisik; **2.** bisik: *ada pula ~-~ yg mengatakan ia sudah berkahwin semula;*

berisik berbisik-bisik;

merisikkan 1. menggerakkan (daun dll) hingga menggerisik; **2.** membisikkan (memberitahukan dgn berbisik-bisik): *kononnya ketua-ketua tentera itu merisik-risikkan hendak perempuan muda.*

risik IV; berisik bising, riuh; → □ **berisik.**

risiko 1. kemungkinan atau bahaya kerugian, kemungkinan mendapat bahaya atau kerugian: *seorang sahaja yg menanggung ~ perniagaan ini; mengambil ~ melakukan sesuatu tanpa mempedulikan kemungkinan-kemungkinan bahaya; 2.* akibat atau hasil yg kurang menyenangkan (drpd sesuatu tindakan dll), padah: *mogok itu senang tetapi ~nya besar;*

berisiko mempunyai (menghadapi) risiko (bkn perniagaan, pelaburan, dll).

risoto (ERT) sj masakan Itali drpd nasi yg dimasak dgn bahan-bahan spt daging, ikan dan tomato.

ritau ricau, racau.

riti Kl; *rata*-~ ke mana-mana; → □ **rata I**.

ritma **1.** urutan proses semula jadi yg berulang dlm sela masa yg tetap: *kiraan ~ dapat membantu jika pusingan haid anda tetap, namun kaedah ini tidak boleh diamalkan jika anda mengalami pusingan haid yg tidak dapat diduga; ~ denyutan jantung; 2. IB irama: salah satu hasilnya ialah ~ drama yg teratur dan agak halus; manakala ~ pula merupakan alunan yg teratur dan berulang-ulang sehingga menghasilkan kepuitisan puisi itu;*

beritma berirama: gerak-geri yg ~.

ritual **1.** tatacara dlm upacara keagamaan, adat, dsb; **2.** bkn tatacara dlm upacara keagamaan, adat, dsb.

ritualisme amalan menggunakan ritual dlm majlis keagamaan dsb.

ritul Id pemindahan (pegawai dll) kerana tidak sesuai dgn tugas dll.

ritus IB upacara agama.

riu = **riu-riu** sj ikan darat, *Laides hexanema*.

riuh **I** bising, gempar, ramai (bunyi, suara, dll): *suara di dapur orang sebelah masih ~; mulut ~ bp bercakap banyak (kuat), suka bercakap; ~-rendah* sangat riuh, gegak, gempita, hiruk-pikuk;

meriuhkan menjadikan riuh, membisingkan, menggemparkan: *suara kanak-kanak menjerit lebih ~ lagi suasana;*

keriuhan perihal riuh, kebisingan, kegemparan: *orang dapat merasakan kehadiran mereka hanya apabila mereka mengadakan parti-parti kerana ~nya mengganggu orang sebelah; tiba-tiba berlaku ~ dan orang ramai pun tergesa-gesa ke arah gereja.*

riuh **II** sj tumbuhan (pokok kecil), berombong, kurau, merombong, tulang, *Timonius penducularis*.

riuk terpulas, tergeliat, terpelecek, terpelekok: *capik* ~; *patah* ~.

riung sj tumbuhan (rumput), buluh terberau, tebu salah, *Saccharum arundinaceum*; *rumput* ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput perimping (tempayang), *Themeda villosa*.

rivet (rivét) (Kej) pasak (paku) utk menyambung dua keping logam (bahagian yg tidak berkepala dimasukkan melalui lubang dlm kepingan-kepingan itu dan kemudian diketuk);

merivet menyambungkan kepingan-kepingan logam dll dgn menggunakan rivet.

riwayat Ar **1.** cerita (berita, kisah) yg turun-temurun: *pd suatu* ~, *orang tua yg berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang*; **2.** keterangan atau berita tentang perbuatan (perkataan dll) Nabi yg disampaikan oleh isterinya (sahabat-sahabatnya dll) sbg satu nas: *mendahulukan yg kanan drpd yg kiri tidak diwajibkan dlm mengerjakan wuduk, mengikut ~ Ibn Umar; disunatkan berwuduk terlebih dahulu sebelum mandi wajib kerana sunah Nabi, menurut ~ drpd Aishah*; **3.** sejarah (kejadian atau peristiwa yg benar-benar berlaku), tambo: *buku ~ perjuangan Nabi*; **4.** = ~ *hidup* keterangan (huraian, penjelasan) segala sesuatu yg telah dialami oleh seseorang, biografi; *menamatkan (menghabiskan) ~nya* a) menghabiskan kisahnya (sejarahnya); b) bp membunuh atau membinasakan; **5.** Id (dlm agama Kristian) khutbah;

ber riwayat **1.** bercerita, berkisah; **2.** mengandungi ciri-ciri sejarah, bersejarah, sangat penting (peristiwa, kejadian, tempat, dll yg harus diingat dll); *hari* ~ hari bersejarah (hari sesuatu peristiwa penting terjadi); **3.** Id (dlm agama Kristian) berkhotbah;

meriwayatkan **1.** menceritakan, mengisahkan: *dgn novel, diertikan karangan panjang yg ~ kehidupan sesuatu watak atau beberapa watak dlm masyarakat*; **2.** memberitahukan,

menerangkan, menyampaikan: *hadis yg diriwayatkan oleh Muslim;*

periwayat 1. orang yg meriwayatkan cerita, pengarang, pemberita;

2. orang yg meriwayatkan hadis;

periwayaan perbuatan (proses) menghuraikan riwayat hidup seseorang: ~ *hidup Raja Kecil.*

riyak (sifat atau sikap) suka menunjuk-nunjukkan amal ibadah atau sesuatu kebaikan dgn tujuan mendapat pujian atau sanjungan drpd orang lain, bukan kerana Allah;

meriyakkan menjadikan riyak.

riyal unit mata wang utama Arab Saudi, Qatar dan Yaman.

rizab sesuatu yg diperuntukkan atau disimpan khas bagi sesuatu tujuan tertentu pd masa yg akan datang, simpanan; *hutan* ~ hutan simpanan (yg dikawal); *tanah (kawasan)* ~ tanah simpanan (yg dikhaskan) utk satu-satu tujuan (golongan) yg tertentu; ~ *kerbau lembu* kawasan yg ditentukan oleh kerajaan hanya utk ternakan kerbau lembu; ~ *Melayu* kawasan khas utk orang Melayu;

merizabkan memasukkan ke dlm bahagian simpanan, mengkhususkan (tanah dll) utk sesuatu tujuan: *kerajaan telah ~ sekeping tanah seluas 200 hektar utk ternakan kerbau lembu; kawasan ini telah dirizabkan utk orang Melayu;*

perizaban perbuatan merizabkan sesuatu.

rizoid (Bio) struktur spt akar yg terdapat pd kulat, lumut, lumut hati, liken dan paku-pakis, yg berfungsi membantu tumbuhan tersebut utk melekap pd sesuatu permukaan.

rizom (Bio) batang tumbuhan, spt kunyit dan halia, yg tumbuh mendatar dlm tanah dan menjadi organ penyimpanan makanan.

rizosfera (rizosféra) (Tani) kawasan di dlm tanah yg mengelilingi akar tumbuhan, yg keadaannya dipengaruhi oleh rembesan akar tersebut.

RK Id kep **1.** Roman Katolik; **2.** Rukun Kampung.

RM kep Ringgit Malaysia.

RMIK kep Radio Malaysia Ibu Kota.

RMKL kep Radio Malaysia Kuala Lumpur.

RMS Id kep Republik Maluku Selatan.

Rn simbol kimia bagi radon.

RNA (Bio) kep *ribonucleic acid* (asid ribonukleik, iaitu sj asid nukleik yg terdapat dlm semua sel organisma hidup, yg memainkan peranan penting dlm sintesis protein dan juga merupakan bahan genetik).

ro huruf ke-17 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol P, ρ.

roba → □ **pancaroba**.

robah; merobah mengubah; → □ **ubah I**.

robak; ~-rabik koyak-koyak, sangat robek (tikar, permaidani, dll).

robat; ~-rabit robak-rabik; → □ **rabit**.

robek (robék) koyak, cabik (pakaian, layar, dll), sobek: *bajunya ~ di bahu; dijahit layar mana yg ~;*

merobek 1. mengoyakkan; *~ jantung (hati)* menyayat hati, melukai hati; **2.** ki memecah masuk ke dlm, membolosi, menembusi: *mereka lebih pintar menggerakkan bola dan ~ gawang kami;*

merobek-robek merobek (mengoyakkan) berulang kali, mengoyak-ngoyakkan, mencabik-cabik: *kerana terlalu marah, habis sehelai kain dirobek-robeknya dgn sebilah pisau yg ada di tangannya;*

merobekkan mengoyakkan.

roboh **1.** jatuh ke bawah kerana rosak (rumah, jambatan, tembok, dll), runtuh: *rumah-rumah yg tinggal ini habislah ~ dan pecah-pecah*;
2. tumbang, rebah (pokok dll); **3.** ki jatuh atau runtuh (negara, kekuasaan, dll); **4.** ki luntur (iman, pendirian, keyakinan, dll), berkurang;

merobohkan **1.** meruntuhkan (rumah, tembok, dll); **2.** menumbangkan, merebahkan (pokok dll); **3.** menjatuhkan (pemerintahan, kekuasaan, dll); **4.** membinasakan, melunturkan (iman, pendirian, harapan, dll);

robohan sisa-sisa rumah (bangunan dll) yg runtuh, runtuhan: *madrasah tersebut dibina di atas ~ madrasah yg lama*;

kerobohan perihal atau keadaan roboh, keruntuhan: *berita ~ benteng pertahanan medan perang kedua Melayu di Pagoh diterima dgn rasa terkejut dan penuh dukacita oleh Tun Biajid*;

perobohan perihal atau perbuatan merobohkan.

robok I ark; **merobok** membual-bual dan berbunyi (botol kosong dibenamkan dlm air).

robok II; **merobok** makan di dlm sahaja di luar tidak nampak (penyakit dll).

robot I Jk; **merobot** berbunyi berdetus (spt senapang, mercun, dll).

robot II **1.** mesin automatik yg diprogramkan utk bergerak dan melakukan sesetengah kerja bagaikan seorang manusia; **2.** ki orang yg melakukan sesuatu tanpa fikiran dan perasaan bagaikan sebuah mesin;

merobotkan menjadikan berfungsi (bekerja dsb) spt robot: *apakah ini merupakan suatu usaha ke arah ~ manusia?*

robotik bidang sains yg berkaitan dgn reka bentuk, pembuatan, penggunaan dsb robot.

rocah kotor, tidak bersih.

rocet (rocét) (Sunda) kacau, tidak keruan.

rock → **rok**.

rocoh; merocoh menjolok (dgn galah, tongkat, dll).

rod I ukuran panjang yg bersamaan dgn 16^{1/2} kaki atau 5^{1/2} ela atau 5.03 meter, pol.

rod II batang (kayu dll) yg lurus bulat.

roda benda yg bulat (biasanya berjari-jari): ~ *basikal*; ~ *kereta lembu*; ~ *angin* = ~ *dua* Id, basikal; ~ *(ber)gigi* roda yg bergerigi; ~ *canai* roda utk mencanai (mengasah) sesuatu; ~ *gendeng* Id, bp roda yg menggerakkan mesin; ~ *kapal* baling-baling kapal; ~ *pandu* roda (alat) utk memandu (kereta dll); ~ *penghidupan* pertukaran keadaan (nasib dll) dlm kehidupan; ~ *tangan* roda yg digerakkan dgn tangan; ~ *tiga* a) basikal beroda tiga; b) beca; *untung sbg* ~ *pedati* prb nasib manusia berubah-ubah (yg miskin menjadi kaya, yg kaya menjadi miskin);

beroda memakai roda, ada rodanya.

rodak; merodak berbunyi spt tikus dlm peti, menggerodak.

rodan sl terlalu (sangat) sakit.

rodan sj tarian yg ditarikan oleh lelaki dan perempuan yg nyanyiannya (Arab) diiringi dgn rebana.

rodek (rodék) Kd menjolok (merodok) sesuatu dgn menggunakan kayu yg panjang.

rodensia (rodénsia) (Bio) binatang mamalia kecil, spt tikus, arnab dan tupai, yg mempunyai gigi depan yg tajam dan kuat utk mengunggis makanan dsb.

rodeo (rodéo) pertandingan atau pertunjukan kemahiran menunggang kuda liar, menali lembu dsb.

rodi 1. perintah; 2. kerja wajib (mengusahakan tanah, membuat jalan, dll) dgn tidak mendapat upah; *orang* ~ orang yg diwajibkan

mengerjakan rodi; *pekerjaan* ~ pekerjaan yg wajib dilakukan (dgn tidak mendapat upah);

berodi melakukan rodi; *orang* ~ orang rodi; **ordi**.

rodium (Kim) sj unsur logam yg digunakan utk membuat aloi, barang kemas, dll.

rodok I; merodok 1. mencucuk (menikam) ke depan atau ke atas, menusuk: *dirodoknya habis serata kandang-kandang babi dan rumah-rumah dgn tongkat besi*; **2.** bk bersetubuh.

rodok II; merodok 1. Mn berlari dgn leher terjulur (spt angsa menyudu); **2.** melakukan sesuatu dgn tidak berfikir panjang, membabi buta.

rodong I 1. erat (persahabatan dll), karib; *sahabat* ~ a) sahabat baik; b) kawan dlm perjalanan; **2.** Ph teman hidup (suami, isteri); **3.** Ph kawan, rakan;

merodongkan bertemu dgn tiba-tiba, terserempak dgn;

merodong; mengeratkan (persahabatan dll).

rodong II ark; merodong 1. mengembara; **2.** menarung, melanggar (batu dll), merempuh (hutan, duri, dll), berjalan membabi buta.

rodopsin (Bio) pigmen mata vertebrat yg peka terhadap cahaya merah, yg diperlukan utk pelihatan dlm cahaya malap.

roentgenografi radiografi.

rogo rogoh.

rogoh; merogoh 1. menyelukkan tangan ke dlm saku dll utk mengambil sesuatu: *ia ~ sakunya utk mengambil wang pembayaran beca itu*; **2.** mengeluarkan sesuatu dgn memasukkan tangan ke dlm saku dll: *~ rokok dr kantungnya*; **3.** menyeluk poket, mencopet.

rogok Jk; **merogok** merodok, menjolok.

rogol perbuatan memperkosa atau mencabul kehormatan perempuan: *berlakulah perkara-perkara sumbang spt ~ dan zina*;

merogol memperkosa atau mencabul kehormatan perempuan: *kesalahan spt menipu, ~, dsb adalah menjadi kesalahan jenayah;*

perogolan perbuatan merogol: *akibatnya berlakulah kejadian dahsyat spt membunuh dan ~;*

perogol orang yg merogol; *~ bersiri* orang yg merogol beberapa orang perempuan, seorang demi seorang dlm kejadian yg berurutan.

roh Ar **1.** yg dihembuskan Allah SWT ke dlm badan manusia dan hiduplah ia: *semua mendoakan ~nya dirahmati Allah; ~ al-Kudus* gelaran yg diberikan kpd malaikat Jibrail; **2.** ki semangat, jiwa: *hukum yg benar-benar tepat dan sesuai dgn ~ Islam.*

rohani Ar **1.** roh; **2.** bkn dgn roh, rohaniah: *falsafah kebendaan yg tidak mengakui ketuhanan, ~, dan perkara-perkara yg lain drpd kebendaan;* **3.** batin, yg berkaitan dgn jiwa, lwn jasmani: *apakah sebenarnya yg hendak dikejar, kepuasan ~ atau kepuasan jasmani?*

kerohanian perihal rohani, sifat-sifat rohani, rohaniah: *kebatinan dan ~ juga harus masuk hitungan setiap penilaian.*

rohaniah Ar **1.** bkn dgn roh, rohani: *secara ~, manusia itu bebas;* **2.** kerohanian: *nilai-nilai hidup ~.*

rohaniwan Id (Roman Katolik) orang yg telah membuang atau meninggalkan kebendaan (paderi dll).

rohmat ark rahmat.

rohok Kl, Tr; **borohok** bekerja kuat, bersusah payah.

roi Id; *garis ~* garis sempadan jalan, sempadan tempat boleh atau tidak boleh didirikan rumah dll di atas sebidang tanah.

rojak I **1.** sj makanan drpd buah-buahan mentah dan sayur-sayuran campur yg berkuah: *~ manis; ~ ulek;* **2.** bp sesuatu yg bercampur aduk: *eh, ini majalah ~!*

rojak II; merojak menumbuk (sirih);

perojak; ~ *sirih* penumbuk sirih, gobek.

rojoh Kd jolok.

rojol; merojol menyembul, menonjol keluar (drpd jendela, lubang, dll).

rok I musik yg mempunyai rentak yg kuat (selalunya dimainkan dan dinyanyikan oleh sekumpulan pemuzik, diiringi dgn gitar elektrik dan dram).

rok II IB sj baju perempuan (cara Barat), gaun.

rok III Kl, Tr belukar.

rok IV Kl, Tr larat, upaya: *barang itu terlalu berat, aku tak ~ memikulnya.*

roket (rokét) **1.** sj pesawat berbentuk silinder yg dilancarkan dgn ledakan; **2.** sj senjata (peluru) yg dilancarkan dgn ledakan.

roki IB sj baju laki-laki cara Eropah.

rokok I tembakau yg digulung dlm daun nipah (kertas dll): *menghisap ~;*

~ *daun* = ~ *nipah* = ~ *pucuk* rokok yg pembalutnya drpd pucuk enau; ~ *keretek* Id rokok yg tembakaunya dibubuh cengkih; *daun* ~ pucuk nipah yg dikeringkan utk pembalut rokok; *duit (wang)* ~ duit sirih, pemberian, upah;

merokok menghisap rokok: *ia seorang yg tidak ~ dan tidak minum minuman keras;*

perokok (orang yg) banyak atau kuat menghisap rokok.

rokok II sj ikan laut, *Pomadasys maculatus*.

rol I IB tugas tertentu (dlm kerja, lakonan, dll), peranan: *memegang ~ utama.*

rol II 1. gulung: *satu ~ filem;* **2.** IB kayu (besi dll) yg berbentuk bulat panjang utk menggiling (menindih, menggaris, dll).

rolet (rolét) sj permainan judi yg menggunakan sebiji bola kecil yg diputar di atas roda mendatar yg bergerak dan mempunyai beberapa lubang bernomor.

Rom 1. = *negeri* ~ sl Byzantium (Istanbul), Turki; **2.** ibu negeri Itali.

roma = *bulu* ~ bulu-bulu yg halus pd badan; *liang (lubang)* ~ lubang seni pd kulit; *tegak (berdiri) bulu* ~ seram, ketakutan; *tak boleh bertemu* ~ prb selalu bertelingkah;

seroma; ~ *dgn* semacam (dgn), serupa (dgn).

roman I = **peroman** ark rupa (muka), paras: *lincah benar matanya dan segar sekali* ~ *mukanya*;

seroman serupa (dgn).

roman II = *cerita* ~ **1.** = *buku* ~ cerita panjang yg ditulis dlm bentuk prosa, novel: ~ *ini dikarang oleh Tuan Hamka sebelum Perang Dunia Kedua meletus*; ~ *kodian (picisan)* roman yg sangat rendah nilai sasteranya; ~ *masyarakat* roman yg menceritakan hal-hal masyarakat; ~ *sejarah* roman yg berasaskan sejarah; **2.** bp percintaan, romen.

roman III tangkai padi; *penyapu* ~ sj penyapu yg dibuat drpd tangkai padi dll.

Roman IV ark; *huruf* ~ huruf Rumi.

romantik 1. memberikan suasana (gambaran dsb) spt yg terdapat dlm cerita roman (percintaan dll); **2.** memperlihatkan suasana yg penuh kasih sayang, keindahan, kemesraan, dsb spt dlm alam percintaan: *alangkah ~nya pemandangan di sini*.

romantikus IB orang atau golongan yg beraliran romantik.

romantis berkaitan dgn percintaan dan keindahan dll, romantik: *alam dan suasana di taman itu begitu* ~ .

romantisisme aliran sastera dan seni di Eropah pd hujung abad ke-18 hingga awal abad ke-19 yg mengutamakan perasaan dan

keindahan dan kebebasan melahirkan perasaan dan isi hati individu.

romba tanda utk menandakan kawasan yg akan didirikan jermal (belat dll).

rombak terbongkar, terurai: *jahitannya buruk dan berkedut kerana selalu kena ~;*

merombak **1.** membongkar, memecahkan, merosakkan: *rumah-rumah yg buruk telah dirombak beransur-ansur; ~ adat (aturan, perjanjian, dll) menghapuskan atau meniadakan adat (aturan perjanjian dll); ~ dapur K1 selesai bersalai (perempuan yg telah bersalin);* **2.** menyusun semula (dgn meminda atau membongkar semuanya): *dia ~ susunan kabinet dgn menyingkirkan beberapa orang tokoh komunis; undang-undang itu patut dipinda dan dirombak supaya sesuai dgn negara Malaysia yg merdeka;*

rombakan bongkaran, runtuhan;

perombakan perbuatan merombak, pembongkaran: *usul itu merupakan satu ~ susunan tradisi masyarakat kampung;*

perombak orang yg merombak.

rombang; *~-rambing* compang-camping, robak-rabik.

rombeng (rombéng) robek, compang-camping: *pakaian yg ~;*

merombengkan menjual (barang-barang lama atau buruk) kpd pedagang barang-barang lama;

rombengan **1.** pakaian-pakaian yg sudah usang; **2.** barang-barang yg lama atau rosak: *barang-barang ~; tukang ~ pedagang barang-barang lama atau buruk.*

rombin **1.** sj ikan laut, *Holacanthus spp.*; **2.** sj ikan laut, *Amphiprion spp.*

rombok Mn rimbun, rampak.

rombong I 1. sj bakul besar yg bertutup tempat menyimpan padi dll; **2.** sj kembal tempat jahitan dll.

rombong II; merombong 1. berkumpul menjadi kumpulan (orang); **2.** ark bertimbun banyak-banyak;

rombongan sekumpulan orang (yg bekerja atau datang dll bersama-sama): *menteri itu dan ~nya telah tiba di Pulau Pinang pagi tadi; satu ~ pegawai Malaysia akan berunding dgn pegawai-pegawai Filipina; ~ kebudayaan* sekumpulan penari (pelakon, penyanyi, dll) yg melawat ke sesuatu tempat utk membuat pertunjukan dsb;

berombongan secara (berupa) rombongan, berkumpul: *membuat lawatan ~.*

rombus (Mat) segi empat selari bersudut serong yg mempunyai empat sisi yg sama.

romen (romén) bp asmara;

beromen berasmara, bercumbu-cumbuan.

romeo (roméo) ki lelaki yg gemar memikat perempuan (menukar-nukar teman wanita): *ayah saya juga penjudi dan ~.*

romok; meromok, teromok duduk membongkok spt orang atau ayam sakit: *ada yg ~ spt mengidap penyakit meredap.*

romong Jk pakaian atau barang-barang yg sudah lama (atau buruk), rombengan.

rompak I; merompak menyamun, merampok: *lima orang telah ~ kedai itu semalam; dagangan mereka telah dirompak oleh lanun di laut;*

rompakan kejadian merompak: *~ itu berlaku sewaktu mereka tidak ada di rumah; ~ bersenjata* rompakan dgn (si perompak) menggunakan senjata;

perompakan perbuatan merompak, perampokan: *~ bersenjata;*

perompak orang yg merompak, perampok, penyamun.

rompak II Mn; **merompak** merobohkan, meruntuhkan: *gajah itu ~ kandangnya.*

rompang; *~-ramping* compang-camping, robak-rabik.

rompeng (rompéng) pecah sedikit atau sumbing di tepi atau di luar (gigi, buah yg dimakan burung, dll).

rompes (rompés) sumbing atau pecah sedikit pd tepinya (telinga dll).

rompi IB sj baju dalam yg tidak berlengan, weskot.

rompok Jw pondok, rumah.

rompong rosak atau terkerat pd cuping atau hujungnya (hidung, belalai, dll): *maka diparang seorang lagi, kena hidungnya ~;*

meromponkan mengerat (hujungnya): *kepadanya aku balaskan hatiku yg amarah itu sebab ia ~ hidung adikku.*

romusya, romusa (Jepun) orang yg dipaksa membuat kerja berat pd zaman Jepun;

diromusyakan dijadikan romusya, dipaksa membuat kerja berat.

rona **1.** warna: *berkain batik lepas ~ biru tua*; **2.** warna muka, roman muka: *~ mukanya berubah menjadi marah; hilang ~ kerana penyakit, hilang bangsa tidak berwang prb orang yg tidak berwang dipandang rendah;*

serona sewarna, serupa;

berona berwarna, berupa elok warnanya (rupanya);

meronai menjadikan sesuatu menarik atau mengghairahkan: *cerpen-cerpennya sentiasa dironai oleh aneka latar sosial;*

meronakan memberikan rona, mewarnakan: *karya sastera yg bernada protes dlm masyarakat Melayu turut ~ corak dan bentuk sastera.*

ronce (roncé) Jk; **meronce** merampas, merompak;

peroncean perampasan, perompakan.

ronda 1. = **meronda** berjalan berkeliling kerana berkawal (menjaga keselamatan): *polis ~ di jalan-jalan raya utk mencegah berlakunya rusuhan*; **2.** perbuatan berjalan berkeliling kerana berkawal; **3.** = **peronda** orang atau sesuatu yg menjaga keselamatan (di jalan raya, di laut, di kampung, dll): *polis ~; askar ~; kapal peronda*; **4.** Mn bersiar-siar, makan angin;

rondaan perjalanan berkeliling utk meronda, hasil meronda: *polis melakukan ~ mengejut di kawasan itu utk menangkap penagih-penagih dadah*;

perondaan perbuatan (kerja-kerja) meronda.

rondah; *~-randih* ark tidak beraturan, kacau-bilau.

rondas sj permainan berpasukan yg menggunakan bola dan kayu pemukul, dan pemain-pemainnya berlari melalui tapak dlm satu bulatan.

rondo (Muz) bentuk lagu yg menggunakan formula melodi A, B, A, C, A, D, A, iaitu melodi utamanya diulang-ulang.

rondok ark; **berondok**, **merondok** bersembunyi, menyorok;

merondokkan menyembunyikan, menyorokkan.

roneo (ronéo) Id; **meroneo** memperbanyak dgn mesin stensil, mensiklostil.

rong I Jw lubang dlm tanah.

rong II Jw dua.

rongak ada yg tanggal atau hilang (gigi, papan, pagar, dll), rumpang: *ia sudah tua juga, gigi depannya ~*;

merongakkan menjadikan rongak, merumpangkan: *terlalu banyak makan gula-gula boleh ~ gigi*;

kerongakan perihal rongak, kerumpangan.

rongga I lubang, ruang;

~ *bulu* Mn liang bulu roma; ~ *dada* ruang dada; ~ *hidung* lubang hidung; ~ *kayu* lubang yg terdapat dlm kayu; ~ *mata* lubang tempat mata; ~ *mulut* ruang mulut;

berongga berlubang, beruang: *batu-bata* yg ~; *gelang* itu ~, *tidak padat*;

merongga menjadi rongga;

meronggai ark menjadikan berongga pd.

rongga II 1. = *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), gegambir, keranji, pasak perahu, pokok selubut jantan, temilang, *Aglaia odoratissima*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Chisocheton erythrocarpus*;

~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), kelumpang, perupuk, unting-unting, *Sterculia parviflora*.

ronggah Pr; **peronggah** mencarut.

ronggang renggang, jarang.

ronggeng (ronggéng) **1.** Jw penari perempuan, tandak; **2.** sj tarian spt joget (diiringi oleh biola, gendang, dan gong);

meronggeng menari, bertandak.

ronggok I ark; **meronggok** membongkok, meringkuk.

ronggok II; beronggok, beronggok-ronggok berlonggok-longgok, berkelompok-kelompok: *di serambi masjid, ramai orang duduk beronggok-ronggok*.

rongkah Kd, Pl; **merongkah** merosakkan atau memusnahkan (rumah, mesin, dll), membongkar.

rongkok; merongkok membongkok (sewaktu duduk, berjalan, dll), meringkuk.

rongkol ark; **serongkol** seikat, seberkas;

berongkol berikat-ikat, berberkas-berkas.

rongkong I rangkungan, tenggorokan;

kerongkongan, rongkongan 1. pembuluh nafas di leher; 2. halkum, lekum, tenggorokan; 3. saluran di leher (makanan masuk ke perut melaluinya): *makanan itu masuk ke dlm ~ lalu ke perut; rongkongan mengadap hilir* prb susah mendapat rezeki; *rongkongan mengadap mudik* prb Mn mudah mendapat rezeki; *berair rongkongan* prb Mn mendapat rezeki; *pembuluh rongkongan* prb a) orang yg mendatangkan untung; b) mata pencarian.

rongkong II; rongkongan, rerongkongan Jk tulang-tulang badan, rangka.

rongoh, rongok rongak, rumpang.

rongong Mn; **merongong** berdengung (spt bunyi langau dll).

rongos ark; **merongos** lekas marah, pemaarah;

perongos orang yg lekas marah.

rongrong Jk; **merongrong** 1. memakan sedikit-sedikit tetapi tidak putus-putus; 2. ki selalu mengganggu atau menyusahkan orang (meminta wang, makanan, dll), merosakkan sedikit demi sedikit, merugikan sebab selalu rosak atau banyak makan wang: *pemerintah selalu dirongrong hingga pekerjaan pembangunan rakyat yg lebih penting terbengkalai.*

ongsok Jk rosak benar;

ongsokan barang-barang yg sudah rosak, rosokan, rombengan.

ronot Kd; **meronot** menyusup dgn merangkak (spt bergerak di bawah rumah yg rendah lantainya).

ronta; meronta, meronta-ronta berusaha sekuat tenaga melepaskan diri drpd pegangan (ikatan dll) dgn bergerak-gerak dll, menggelepar-gelepar: *ia semakin kuat ~ utk lepas; ikan itu ~ hingga tembus jalaku; pelajar perempuan yg diserang penyakit ganjil sedang*

meronta-ronta dan ditolong oleh rakan-rakannya; hati (fikiran) ~ selalu resah (gelisah);

rontaan sesuatu gesaan (runtunan) perasaan.

rontek (ronték) Jw sj tombak yg berpanji-panji.

rontok Jk **1.** gugur (buah-buahan, bunga), luruh, (bulu, daun, dll), banyak tanggal (gigi), terkelupas (cat, kulit, dll); *musim ~ musim gugur (antara musim panas dan musim dingin); penyakit ~ rambut* penyakit yg menyebabkan luruhnya rambut; **2.** ki semakin berkurang (kesihatan, tenaga, dll), semakin lemah: *semangat perbudakan mulai ~, dan timbul semangat baharu yg semakin lama semakin besar;*

merontokkan menggugurkan, meluruhkan, menanggalkan.

ronyeh (ronyéh) **I**; **meronyeh** berkata-kata atau bercakap-cakap dgn tidak menentu (tidak keruan), bercakap-cakap tidak jelas (orang tua), merepek: *gadis-gadis pun suka ~ dan bersenda gurau;* → **renyeh.**

ronyeh (ronyéh) **II** Kd; **meronyeh, meronyeh-ronyeh** merosakkan (kertas, bunga, dll kerana marah dll), mengumalkan: *buku itu dironyeh-ronyehnya sebelum dibuang.*

ronyoh; meronyoh **1.** meradak, menohok: *aku ~mu dgn keris ini nanti;*
2. bk menolak (orang).

ronyok berkerut-kerut, kumal, renyuk: *kainku habis ~;*

meronyokkan mengumalkan (kain, kertas, dll): *ia mengambil semula kertas-kertas yg sudah dironyokkannya itu;* **renyuk.**

ropa Pr, bp rupa.

ropak; *~-rapik* berserak-serak, berantakan, bongkar-bangkir.

ropol kelim yg berkedut-kedut (pd bantal, baju, dll);

beropol mempunyai ropol: *renda ~;*

beropol-ropol mempunyai ropol yg banyak: *kain kuning yg ~*;
rapun II.

ropong Kl rompong.

ros = *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok renek dan bunganya), bunga mawar,
Rosa spp.

rosak 1. tidak sempurna lagi, sudah tidak baik, sudah bercerai-cerai (tidak tersusun, pecah-pecah, dll): *banyak rumah yg ~ dipukul ribut*; **2.** ki bercalar-calar, kemik (tin dll), luka-luka; *banyak pemain kita yg ~ banyak yg luka-luka*; **3.** ki buruk, busuk (buah-buahan, daging, dll), hancur: *buah-buahan itu banyak yg ~*; *mayat yg sudah ~ sudah busuk dll*; **4.** ki tidak dapat berjalan lagi (motokar, enjin, dll): *kereta saya ~ lagi pagi ini*; **5.** ki tidak beraturan lagi (bahasa, adat, dll): *bahasa (adat, perangai, dll) yg sudah ~*; **6.** ki tidak utuh lagi (perkahwinan), terganggu (ingatan dll): *perkahwinannya sudah ~ sejak lama dulu*; *seorang panglima yg telah ~ ingatannya*; **7.** ki kacau-bilau, kucar-kacir (negeri dll): *jika sungguh laki-laki, janganlah berperang di dlm negeri, ~ isi negeri*; **8.** ki tidak baik, jahat (nama);

~ *binasa* rosak sama sekali; ~ *hatinya* a) amat menderita sedih; b) buruk perangainya; ~ *moralnya* buruk tingkah lakunya; ~ *namanya* mendapat nama buruk; ~ *perkahwinannya* perkahwinannya gagal; ~ *badan kerana penyakit, ~ bangsa kerana laku* prb kelakuan yg jahat itu memburukkan bangsa yg mulia spt penyakit menghilangkan rupa yg elok;

berosak; ~ *diri* bersusah-susah (beria-ia) memikirkan sesuatu, menyiksa diri; ~ *hati* a) menanggung sedih, bersusah hati; b) buruk perangainya (akhlaknya, kelakuannya);

merosak mempunyai sifat dll yg mengakibatkan rosak: *pengaruh yg ~*; *kecaman yg ~*;

merosaki selalu menjadikan rosak: *binatang peliharaan yg suka ~ tanamannya;*

merosakkan menyebabkan rosak: ~ *badan; ~ hati; ~ jiwa; ~ nama; ~ bahasa Melayu; Socrates dihukum mati kerana dituduh ~ fikiran pemuda;*

kerusakan 1. perihal rosak: *semua ~ ini boleh dibaiki dgn senang; angin membawa ~ yg banyak; 2.* menderita rosak (kecelakaan, kemusnahan, dll): *tanaman banyak yg ~ akibat hujan lebat;*

perosakan perihal merosakkan;

perosak ark **1.** alat utk merosakkan; **2.** orang dll yg merosakkan; *binatang (haiwan) ~ binatang yg merosakkan tanaman dll; kapal ~ kapal perang kecil yg dapat bergerak cepat; ~ keamanan orang yg mengganggu keamanan, pengacau.*

rosan sj bentuk bumbung (pisang sikat) di istana.

rosario tasbih (Roman Katolik).

rosbang IB → **resbang.**

roset (rosét) gubahan drpd reben atau bahan lain yg berbentuk bunga ros dll dan dijadikan sbg lencana, hiasan, dsb.

rosia Pr rahsia.

rosok I Mn; **merosok** mencari-cari dgn meraba, meresek, merogoh: ~ *saku; ~ ikan* mencari ikan dgn meraba-raba di antara batu-batu dll; **merosokkan** memasukkan sesuatu (kaki dll) ke dlm lubang dll: *ia segera ~ sapu tangannya ke dlm saku.*

rosok II rosak sama sekali, rosak seluruhnya, binasa, musnah, rongsok;

rosokan barang-barang yg sudah rosak (tua), rongsokan, rombengan.

rosok III sj tumbuhan (pokok kecil), geremung jantan (betina), kayu tengah, jerumau, medang kenyat, samak tebengan, temengau (jantan), *Glochidion superbum.*

rosot; merosot **1.** meluncur turun, gelongsor, menggelingsir: *ia tidak sadar ketika anaknya ~ dr pangkuannya*; **2.** sangat banyak turunnya, jatuh sekali (harga barang dll): *harga getah sangat ~ tahun ini*; **3.** menjadi kurang sangat (hasil, pendapatan, pengaruh, dll): *maka majalah itu pun mulai ~ penjualannya; gengsi kami di luar negeri sangat ~ dan sentiasa menjadi bahan tertawaan*; **4.** semakin kurang (mundur), tidak maju (kepandaian, kesihatan, dll): *kesihatannya semakin ~*;

merosotkan menurunkan, mengurangkan, menyusutkan (harga, mutu, dll);

kemerosotan perihal (kejadian dsb) merosot, keadaan merosot, kemerosotan: *kesan-kesan ~ ekonomi; ~ disiplin*.

rostrum pentas orang berucap, mimbar (jika dlm masjid).

rosyom Kd = *muka* ~ muka masam (kerana marah, sombong, dll).

rot Kd masih bertenaga, masih kuat.

rota sj tumbuhan (pokok), *Canarium spp.*

rotameter (rotaméter) alat utk mengukur kadar alir cecair atau gas di dlm paip.

rotan I 1. sj tumbuhan (palma yg memanjat dan digunakan utk kerusi, tikar, raga, dll): *kerusi ~; simpai ~; gelang ~* lingkaran yg dibuat drpd rotan utk permainan anak sekolah; **2.** sebat (pukulan) dgn rotan sbg hukuman: *hukumannya ialah setahun penjara dan disebat enam ~*;

~ air = ~ bakau = ~ batu = ~ tawar sj rotan, *Calamus aquatilis*; *~*

air = ~ cernang (jernang) = ~ cicih landak sj rotan, *Daemonorhops hygrophilus*; *~ batu = ~ seni* sj rotan, *Calamus*

insignis; *~ beras = ~ ledas = ~ putih = ~ sinduk = ~ sini* sj rotan, *Calamus javensis*; *~ bini = ~ dini = ~ tikus* sj rotan, *Flagellaria*

indica; *~ kerai hitam*, sj rotan, *Calamus diepenhorstii*; *~ bukit = ~*

kolam sj rotan, *Calamus diepenhorstii*; ~ *bulan* = ~ *gajah* = ~
kertung = ~ *raja* sj rotan, *Plectocomiposis scortechinii*, ~ *cici* = ~
cicit = ~ *pahit* sj rotan, *Calamus densiflorus*; ~ *cincang* = ~ *raja* =
~ *semambu* sj rotan, *Calamus scipionum*; ~ *cincin* = ~ *duduk* = ~
gelang = ~ *jelutung* = ~ *kemunting* = ~ *kerai* = ~ *perupuh* = ~
segera = ~ *tunggal* sj rotan, *Daemonorhops geniculatus*; ~ *cincin*
= ~ *kertung* = ~ *semang* sj rotan, *Daemonorhops grandis*; ~ *cucur*
= ~ *atap cucur* sj rotan, *Calamus castaneus*; ~ *dahan* sj rotan,
Korthalsia wallichiiifolia; ~ *dalam buku* = ~ *manau* sj rotan,
Calamus conioastris; ~ *gunung* = ~ *paku* sj rotan, *Calamus exilis*;
~ *kembung* = ~ *macad* = ~ *macap* = ~ *manau keleceki* = ~ *manau*
kelesek = ~ *manuh* = ~ *mantang* = ~ *sega badak* sj rotan, *Calamus*
ornatus; ~ *kerai* = ~ *perut ayam* sj rotan, *Calamus luridus*; ~ *kikir*
sj rotan *Calamus radulosus (scabridulus)*: ~ *kipas* sj rotan,
Calamus lobbianus; ~ *manana* sj rotan, *Calamus lobbianus*; ~
manau = ~ *manau telur* sj rotan, *Calamus manau*; ~ *perut ayam* =
~ *senik* = ~ *telur* sj rotan, *Ceratolabus laevigatus*; ~ *relang* sj
rotan, *Plectocomiopsis geminisflorus*; ~ *sega perak* sj rotan,
Calamus caesuis; ~ *semiang* sj rotan, *Calamus curtissi*; ~ *semut* sj
rotan, *Korthalsia scahigera*; ~ *udang* sj rotan, *Korthalsia*
echinometra;

ada ~ *ada duri* prb *ada kesenangan tentu ada kesusahannya*; *bagai*
~, *asal berinsang dicucuk sahaja* prb *perihal orang yg tidak*
memilih pekerjaannya (perbuatannya); *kerat* ~ *patah arang* prb
putus pertalian (perhubungan) yg tidak dapat disambung
(didamaikan) lagi; *tiada* ~ *akar pun berguna (jadi)* prb *kalau tidak*
ada yg baik sekali, yg kurang baik pun berguna juga;

merotan 1. = **berotan** mencari (mengambil) rotan: *jikalau ada*
sekiranya orang sesat berdamar atau sesat berotan pun, tiadalah

ayahanda hendak membinasakan; **2.** memukul atau menyebat dgn rotan (sbg satu hukuman): *ibunya pun mengugut hendak ~*;

perotan orang yg bekerja mencari rotan.

rotan II; *rumpun ~ beras* sj tumbuhan (rumpun), kerubung padi, *Cyrtococcum oxyphyllum*.

roti sj makanan yg diperbuat drpd tepung gandum dll;

~ *benggali* bermacam-macam jenis roti yg biasanya dijual oleh orang India; ~ *canai* = ~ *perata* roti leper yg bentuknya bulat atau empat segi yg adonan tepungnya ditebar, dilipat lalu dimasak; ~ *capati* sj roti India; ~ *jala* roti spt jala yg dimakan dgn kuah; ~ *kering* biskut; ~ *lapis* sandwic; ~ *paun* roti tawar drpd tepung gandum dll yg biasanya dijual dlm ketulan satu paun; ~ *perancis* roti putih yg bentuknya panjang dan kulitnya berkerak; ~ *tawar* Id roti paun; *ibu* ~ sj bahan yg digunakan utk menaikkan adonan roti, yis.

rotok; **merotok 1.** berbunyi spt bunyi senapang (letusan kecil-kecil), mendedas; **2.** bersungut-sungut, mencomel, menggerutu, mengomel.

rotor (Kej) **1.** bahagian yg berputar yg terdapat dlm motor elektrik, dinamo, dsb; **2.** alat yg terdiri drpd beberapa bilah yg berputar di sebelah atas helikopter utk mengangkatnya naik ke udara dr bumi.

rotorkraf sj pesawat udara yg mempunyai sayap berputar utk menghasilkan daya angkat ketika terbang.

rotunda (S.bina) bangunan atau bilik yg bentuknya bulat dgn bumbungnya berbentuk kubah.

rouble (rubel) unit mata wang Rusia.

royak; **meroyak** menjadi lebih luas lukanya (kudis, sobek, dll), melebar, meluas.

royal IB berlebih-lebih (membelanjakan wang, makan, minum, sikap, dll), serba banyak, serba mewah, boros: *dilarang bakhil, dilarang pula ~, dan membuang-buang harta;*

beroyal-royal membuang-buang (menghabiskan, membelanjakan) wang dgn berlebih-lebihan utk bersuka-suka (berfoya-foya dll): *kerana bapanya orang kaya, dapatlah ia hidup ~;*

meroyalkan memboroskan wang dll;

keroyalan perihal royal, keborosan.

royalti 1. perkongsian keuntungan spt dlm pengusahaan lombong, telaga minyak, atau ciptaan jentera, yg dibayar kpd syarikat pengusaha kpd pemilik tanah (kerajaan) atau pencipta jentera: *semua logam ialah harta haus dan adalah menjadi kebiasaan kpd kerajaan mengenakan ~ terhadap pengusahaannya;* **2.** bayaran tertentu yg dibuat oleh penerbit kpd pengarang, penyanyi, dsb atas setiap naskhah karya mereka, spt buku dan piring hitam, yg terjual: *saya bayar karangan-karangan beliau dgn harga yg mahal atau saya membayar ~ yg lebih tinggi.*

royan sj penyakit pd perempuan yg datang sesudah bersalin; ~ *tahi* penyakit berak-berak sesudah bersalin;

meroyan menderita sakit sesudah bersalin, dihinggapi royen.

royat Kl, Ph, Tr; **meroyat** menceritakan, memberitahukan; → **riwayat**.

royong I; *gotong-~;* → □ **gotong**.

royong II; *condong-~* Pr huyung-hayang; **ruyung II**.

Rp Id kep rupiah.

RPA Id kep Republik Persatuan Arab (Republik Arab Bersatu).

RPKAD Id kep Resimen Pertempuran Komando Angkatan Darat.

RRI I kep *Rubber Research Institute of Malaysia* (Pusat Penyelidikan Getah Malaysia).

RRI II Id kep Radio Republik Indonesia.

RRT Id kep Republik Rakyat Tiongkok.

RTM kep Radio dan Televisyen Malaysia.

ru sj tumbuhan (pokok), cemara (laut), *Casuarina equisetifolia*; ~ *bukit*
sj tumbuhan (pokok), *Dacrydium elatum*; *akar* ~ sj tumbuhan
(paku-pakis), *Lycopodium casuarinoides*.

Ru simbol kimia bagi rutenium.

rua I 1. banyak makan tempat, banyak mengambil ruang, lebar, luas; **2.**
tidak ringkas, tidak kemas, longgar;
merua melebar, meluas, mengembang; **ruak**.

rua II ark jalan.

ruadat ark Ar perihal menyatakan hormat, pernyataan (pemakluman)
hormat; **rudah**.

ruah I; (*ber*)*tumpah* ~ = (*me*)*limpah* ~ = *penuh* ~ a) terlampau penuh
sehingga tumpah-tumpah; b) penuh sangat, penuh sekali; c)
terlampau banyak, berlebih-lebih, berlimpah-limpah, limpah,
mewah;

meruah 1. Kd, bk membuang air besar (kecil), berak, kencing; **2.**
Kd membuang-buang air;

meruahkan mencurahkan, melimpahkan, menumpahkan.

ruah II; **seruah**, **seperuah** sejauh suara memanggil, sejauh dapat
didengar, sepemanggil;

meruah sl memanggil dr jauh, melaung, menyeru: *baginda pun*
menyuruh anakanda baginda diruah.

Ruah III; *bulan* ~ bulan Arab yg kelapan, bulan Syaaban; → □ **bulan I.**

ruah-ruah; *burung* ~; → □ **ruak-ruak**.

ruai I ark **1.** tidak cekang, kendur (tali); **2.** tidak berapa kuat (tiang dll);
3. kurang tenaga, lemah (badan).

ruai II; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok kecil), rambai hantu, tampung besi,
Gonocaryum longeracemosum.

ruai III Sr ruang menunggu, ruang legar, lobi: *mereka bersetuju utk berkumpul di ~ hotel sebelum bertolak ke tempat lawatan.*

ruak; meruak 1. merata ke mana-mana, meluas (api dll); **2.** bertambah lebar, meroyak (kudis dll); **3.** terbuka menjadi lebar, kembang (gulungan tikar dll); **rua I.**

ruak-ruak sj burung yg hidup di tepi-tepi paya (alur dll), burung ruah-ruah, burung wak-wak, *Amaurornis phoenicurus chinensis.*

ruam bintil-bintil merah pd kulit (pd anak-anak kerana biang, peluh, dll); ~ *panas* ruam yg gatal-gatal yg disebabkan oleh radang pd kelenjar peluh;

meruam timbul ruam.

ruan singkatan bagi haruan.

ruang 1. sela-sela di antara dua deret (banjar) tiang atau di antara empat tiang (di bawah kolong rumah): *besarnya rumah itu tujuh belas ~, ~nya tiga-tiga depa;* **2.** bahagian yg (dibiarkan) kosong atau terbuka dlm sesebuah bangunan; **3.** lubang yg terdapat dlm sesuatu benda, rongga: ~ *hidung;* ~ *dada;* **4.** rongga yg dibatasi oleh bidang; *ilmu ukur* ~ pengetahuan utk mengira isi (besar) sesuatu benda (kiub, kon, dll); **5.** (dlm ilmu falsafah) tempat atau rongga yg tidak ada batasnya, tempat segala yg ada: *namun secara rohaniah manusia itu bebas, bebas utk bergerak, baik dlm ~ mahupun waktu;* **6.** = ~ *waktu (masa)* jarak antara satu waktu dan waktu lain; ~ *waktu yg sempit* jarak waktu yg pendek (terhad); **7.** = **ruangan** tempat yg lapang, bilik (bilik dlm rumah, bilik darjah, dll): ~ *duduk kami menghadap ke beranda; matanya menyeluruhi ~ bilik darjah itu;* **8.** petak-petak dlm buah, pangsa; *durian lima ~ durian lima pangsa;* **9.** = **ruangan** tempat yg lapang dlm kapal (perahu), tempat memuat barang-barang, palka: *perahu itu bocor, ~nya berisi air; air* ~ air dlm ruang kapal (perahu); **10.** = **ruangan**

petak atau kolum dlm surat khabar dll, lajur: *satu hal yg baru bagi idea majalah ini ialah dibukanya ruangan-ruangan spt sorotan, cerita pendek, dll*; **11.** = **ruangan** petak atau kolum utk angka: *sifar di ruangan ratus tidak dikehendaki kerana 076 serupa sahaja dgn 76; ~ se (puluh, ratus, dll)*; **12.** = **ruangan** kalangan, lapangan, lingkungan; *mencari ruang(an) hidup baharu; tiba-tiba Rosita terbayang di ~ matanya nampak di lingkungan pandangan mata*; **13.** peluang atau skop: *Islam memberi ~ kpd akal manusia menyingkap rahsia alam tabii;*
~ *angkasa* angkasa lepas; ~ *badan* rongga pd badan; ~ *dalam (tengah)* bilik dalam (tengah) dlm rumah; ~ *dapur* bahagian dapur rumah; ~ *depan (muka)* bahagian depan rumah; ~ *lakon* ruang (di pentas dsb) tempat dipersembahkan lakonan (tempat dilakonkan babak-babak cerita); ~ *legar* ruang yg agak luas di sebelah dalam pintu utama sesebuah bangunan, biasanya terdapat tempat bertanya, tempat menerima tamu, tempat menunggu dsb, lobi, foyer; ~ *lingkup* = ~ *liput(an)* = ~ *litupan* bidang sesuatu kegiatan atau ilmu pengetahuan atau yg diliputi oleh sesuatu perbincangan (penulisan dsb); ~ *mulut* rongga mulut; ~ *niaga* ruang utk menjadi tempat berniaga (dlm kompleks perniagaan dsb); ~ *rias (hias)* bilik atau tempat berhias; *ruang(an) selisih* kolum (petak) yg menunjukkan angka selisih (dlm matematik); ~ *tamu* bilik atau ruang utk menerima tamu; ~ *udara* a) ruang terhad tempat udara wujud; b) angkasa; c) bahagian atmosfera bumi di atas sesebuah negara, yg dr segi undang-undang terletak di bawah bidang kuasa negara berkenaan: ~ *udara Malaysia*; *bawah* ~ Br bahagian di antara penyokong dgn lantai perahu; *merajukkan air di ~, hendak karam ditimba juga* prb marah yg tiada sampai, apabila ia

kemalangan ditolong juga supaya kesusahan itu jangan sampai kpda kita;

beruang mempunyai atau ada ruang yg kosong atau lapang: *bilik itu sempit sehingga tidak ~ langsung utk berbaring merehatkan badan;*

meruang mengeluarkan kotoran dr dlm perut mayat, menyucikan mayat; ~ *senjata* membersihkan senjata;

ruangan ruang; ~ *pojok* ruangan dlm akhbar atau majalah yg dikhaskan utk tulisan atau karangan tertentu secara berterusan.

ruap Mn buih: *apabila ~nya sudah dibuang, masukkanlah ubi, dll; ~ (dan) sampah = ~ (dan) hampar* ki orang yg sangat hina dlm masyarakat, orang terbuang, sampah masyarakat;

meruap **1.** Mn berbuih, membuih: *air sabun itu ~;* **2.** mendidih dan melimpah, meluap (nasi dll), membual dan berbuih-buih (air soda dll yg dituang dlm gelas): *nasi yg ditanaknya itu ~; gulai (sayur) ~ gulai (sayur) melimpah kerana mendidih;* **3.** = **meruap-ruap** menjadi-jadi perasaannya (geram dll), meluap-luap, menyala-nyala: *semangat orang akan ~ dan menyala lagi; perasaan manusia yg hadir ketika itu meruap-ruap kerana telah menjadi bangsa yg merdeka; darah ~ naik ke muka; ~ darahnya marah sekali;* **4.** menjadi wap (mengewap) kerana dipanaskan: ~ *kerana kena panas;* **5.** menyombong, bercakap besar (membual): *jangan sekali-kali suka ~, nanti ketara kelemahan dirimu sendiri;* **6.** merebak (bau dll): *dr dapur, ~ bau gulai ayam yg membuka selera;* **7.** (Kim) cepat menjadi wap pd suhu bilik (bkn pepejal atau cecair);

kemeruapan **1.** (Kim) keadaan atau sifat sesuatu bahan atau cecair yg cepat bertukar menjadi wap: *setiap pecahan minyak mentah mengandungi alkana yg mempunyai kelikatan dan ~ yg berbeza;*

2. (Eko) darjah perubahan harga sesuatu sekuriti atau pasaran sama ada menaik atau menurun dgn cepat.

ruas I bahagian di antara buku dgn buku (buluh, jari, tebu, dll): ~ *buluh*; *beberapa* ~ *tebu*; *beberapa* ~ *lemang* beberapa batang leman; *bertongkat* ~ bertelekan, berteleku; *sbg betung se~* jujur benar, lurus hati;

bertemu (berjumpa) ~ dgn buku = bertemu (berjumpa) buku dgn ~ prb a) sudah memang jodoh (laki-laki dan perempuan); b) balasan atau pembelaan yg sangat tepat (setimpal); *terhentak ~ ke buku* prb Mn hilang akal; *tinggi terbawa oleh ~nya* prb perihal seseorang yg masih bodoh walaupun tubuhnya besar;

beruas, beruas-ruas ada ruas-ruasnya: *kaki yg ~*; *binatang yg mempunyai anggota ~*; *buluh yg tidak beruas* buluh yg tidak ada ruasnya;

peruasan sendi-sendi atau persendian, buku-buku (pd tulang dll).

ruas II; *se~ semalam* sj tumbuhan (herba), johong, beralih, pancis-pancis, tebuk (tuba) seludang, *Polygonum barbatum*.

ruas-ruas sj tumbuhan (pokok kecil), limau, melimau, penawar putih, *Gelonium glomerulatum*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), *Daphniphyllum laurinum*.

ruat I 1. goyah, goyang (gigi), hampir tumbang (pokok); **2.** ki tidak tetap, selalu berubah-ubah (hati dll); **3.** terbongkar perdu dan tumbang (pokok).

ruat II Jw 1. pulih kembali spt sediakala (jadi-jadian, orang kena tulah, dll); **2.** terselamat (terlepas, bebas) drpd nasib buruk yg akan menimpa (bagi orang yg menurut kepercayaan akan tertimpa nasib buruk); **3.** = **ruatan** upacara menyelamatkan orang drpd nasib buruk yg akan menimpa, upacara menolak bala;

meruat 1. mengembalikan kpd keadaan yg dahulu: ~ *harimau jadi-jadian*; **2.** menyelamatkan orang drpd malapetaka yg akan mengenainya, menolak bala.

ruat III → □ **ruwat.**

ruat IV → □ **rot.**

ruba = ruba-ruba Jw **1.** sl hadiah drpd nakhoda perahu kpd pembesar pelabuhan dll; **2.** pemberian sbg suap, pemberian rasuah.

rubah I Ar sj binatang spt anjing, *Canis vulpes.*

rubah II ark; **berubah** menjadi lain, bertukar (rupa, warna, dll);

merubah menjadikan lain drpd yg asal, mengubah: *ia ingin ~ penghidupannya; kebudayaan Islam telah ~ perwatakan bangsa manusia; ~ perangai* menukar perangai;

perubahan perihal berubah; → **ubah I.**

rubai I sj tumbuhan (herba), akar kutu babi, daun balam, *Pouzolzia zeylanica.*

rubai II Ar sj sajak (empat baris).

ruban ark = *air* ~ air yg terdapat dlm minyak kelapa (masa memasak minyak);

meruban membuang (mengeluarkan) air ruban.

rubarb sj sayuran spt saderi yg berdaun besar drpd genus *Rheum*, tangkai daunnya yg panjang, berisi dan berwarna merah tua, biasanya dimakan setelah dimaniskan dan dimasak.

rubela (rubéla) (Ubat) penyakit virus berjangkit seakan-akan cacar yg boleh menyebabkan kecacatan kpd bayi sekiranya dihidapi oleh seseorang ibu yg mengandung antara satu hingga tiga bulan.

rubiah Ar **1.** wanita yg soleh; **2.** isteri guru (ulama); **3.** guru wanita yg mengajar mengaji (Quran).

rubidium (Kim) sj unsur logam yg sangat reaktif dan mudah terbakar.

rubik Mn sj penganan, kerepek.

rubin I; *batu* ~ batu jubin, batu ubin.

rubin II Kd → **rubing II**.

rubing I dinding tokok atau tambahan sementara utk meninggikan tepi perahu (yg dibuat drpd anyaman, kain kasar, dll).

rubing II hujung, tebing, tepi.

rubrik IB ruangan sesuatu karangan dlm surat khabar: ~ *cerita-cerita pendek*.

rubu; **merubu**; ~-*raba* = **merubu-rubu** **1.** Mn pergi ke mana-mana (dgn tidak bertujuan), berkelana, merayau-rayau; **2.** meraba-raba atau mencari-cari ke sana sini (dlm gelap dll).

rubung; **merubung**, **merubungi** datang berkeliling banyak-banyak, mengerumuni, menggerubungi.

rucah Jw **1.** apa-apa sahaja, sebarang sahaja (bukan pilihan), sembarangan; **2.** hina, keji, kotor; → **lucah**.

rudah ark tanda hormat; → □ **ruadat**.

rudi Mn urat keting.

rudimen **1.** (Bio) bahagian atau organ yg belum sempurna perkembangannya, terutamanya dlm peringkat embrio; **2.** belum berkembang atau terbentuk dgn sempurnanya: *ekor* ~; *sayap* ~.

rudin Jk habis harta bendanya, miskin benar, papa: *apabila serangan selesai ia mendapati dirinya* ~.

rudu I ark mengantuk (mata), luyu, ruyup.

rudu II; **merudu** **1.** (berjalan) membongkok; **2.** bergerak maju (spt perahu di air dll), meluncur.

rudul Pl rudu, luyu.

rudum; **merudum** **1** Kd. berbunyi kuat (pokok tumbang dll): *apa yg ~ tadi tu?* **2.** Kd berlari-lari, bergomol dll hingga menyebabkan bising (terutama dlm rumah): *hai jangan* ~, *bapa nak sembahyang*; **3.** ki jatuh atau merosot dgn teruknya (bkn nilai

saham, ekonomi dsb): *berikutan kegawatan ekonomi dan pasaran saham yg turut ~; nilai ringgit ~ kerana diserang oleh pedagang mata wang.*

rudus I (Acheh) sj pedang pendek, kelewang.

rudus II Kd rudu, luyu.

rugat Br tertanggal drpd sesuatu bahagian (benda dll), tercabut.

rugi 1. (dijual dll) lebih rendah drpd harga pokok, tidak mendapat keuntungan: *jika suatu perniagaan itu ~, akan tibalah masanya modal utk menjalankan perniagaan itu habis; jatuh (menanggung, menderita) ~ tidak beroleh keuntungan; ~-~ untung walaupun rugi ada baiknya juga; 2.* kesusutan modal (kerana menjual lebih rendah drpd harga pokok): *berjual beli getah pd masa ini akan mendatangkan ~; dia tidak sanggup lagi menanggung ~; ganti ~ = silih ~ wang dll sbg pengganti sesuatu yg rosak (hilang dll), pampasan; kira-kira untung ~ kira-kira yg menunjukkan untung dan rugi sesuatu perniagaan; 3.* tidak mendapat faedah (manfaat), tidak ada gunanya, sia-sia sahaja: *ia berasa ~ datang menonton pertunjukan itu kerana apa yg disaksikannya adalah hasil seni yg amat murah; 4.* sesuatu yg kurang baik (tidak berfaedah), mudarat: *tidak ada ~nya kalau awak masuk belajar lagi di sekolah malam; 5.* hilang, habis (wang dll): *ia ~ kira-kira RM300 kerana menolong kawannya berkahwin; ~ barang (tempoh, tenaga, wang) habis barang (tempoh, tenaga, wang); ~ atas kertas kerugian akibat penurunan harga sesuatu sekuriti atau aset yg belum nyata kerana tidak dijual; ~ modal kerugian yg ditanggung drpd penjualan sesuatu sekuriti atau aset akibat drpd penurunan harga; ~ menentang laba, jerih menentang boleh prb harus bersusah payah (merugi dll) dahulu utk mendapat sesuatu yg dikehendaki;*

berugi, merugi menanggung rugi: *siapa pula lagi yg akan ingat kepadaku, akan suka berugi-rugi sebanyak ini; siapa yg mahu ~?; tak mahu ~ (merugi) tidak mahu mengeluarkan wang (tenaga dll) dgn cuma-cuma; apa guna ~ apa guna bersusah payah (mengeluarkan belanja dll);*

merugikan **1.** menjadikan rugi, mendatangkan rugi (kpd): *pemogokan kereta api yg berjalan selama tiga bulan telah ~ perusahaan itu berpuluh-puluh juta ringgit; berjuta-juta ringgit hasil petani telah dirugikan oleh sistem padi kunca; 2.* sengaja menjual lebih rendah drpd harga pokok, sengaja merugi: *kerana menerima cengkeram, petani-petani kita ~ hasil pertanian mereka; 3.* membawa akibat dll yg kurang baik (kpd): *dirasainya tidaklah ~ kiranya ia terus belajar di sekolah malam; aku tidak sekali-kali berniat hendak ~ hidupmu;*

kerugian **1.** mengalami (menanggung, menderita) rugi: *dlm masa enam bulan sahaja perniagaannya ~ sejumlah RM100 000; apa pun dasar yg dijalankan, kitalah juga yg ~ besar; 2.* banyaknya atau jumlah perolehan yg kurang apabila dibandingkan dgn modal yg telah dibelanjakan, lwn keuntungan, rugi: *berapa besar ~nya? 3.* sesuatu yg merugikan (spt kerosakan dll): *besarlah ~ yg akan menimpa mereka.*

ruhban Ar pertapa laki-laki (Roman Katolik).

ruhbanat Ar pertapa wanita (Roman Katolik).

ruhulkudus **1.** Jibrail; **2.** Id (Kristian) roh suci, (diri ketiga dlm keesaan Tuhan, mengikut ajaran Kristian).

ruing sj alat utk menggulung benang yg pertama pd alat tenun;

meruing menggulung benang pd ruing.

ruit bengkok spt kait;

teruit tersangkut (kaki, tanduk, dll).

rujah; merujah merodok (menikam, menusuk) hala ke bawah.

ruji I sl makanan harian yg utama (nasi dll): *beras ~; tanaman ~*
tanaman bahan-bahan makanan yg utama.

ruji II = ruji-ruji 1. kisi-kisi, terali; **2.** jari-jari roda, anak jentera, kasau pd payung; **3.** (Bio) kumpulan sel yg mengunjur spt jejari dlm xilem dan floem tumbuhan.

rujuk Ar 1. kembali (kahwin) dgn isteri yg sudah diceraikan mengikut syarat-syarat tertentu; **2.** ki kembali kpd kedudukan atau pendirian yg asal (sebelum drpd itu): *ia tidak mengharapkan pemimpin-pemimpin itu datang menemuinya dan memujuk supaya ia ~ kembali;*

merujuk 1. = merujuki berkahwin kembali dgn isteri yg sudah diceraikan: *hatinya bertanya kalau Mahani diceraikan apakah Rusilah akan mahu dirujukinya?* **2.** melihat utk meneliti, melihat lebih lanjut: *calon-calon hendaklah ~ kpd risalah-risalah panduan; jika hendak mengetahui segala lapangan hisab, hendaklah dirujuk kpd karya Euler;*

merujukkan mengemukakan utk dikaji, memanjangkan (kpd): *beliau menganjurkan supaya rang undang-undang itu dirujukkan kpd jawatankuasa pilihan; hakim besar ~ semula perkara itu kpd mahkamah rendah;*

rujukan keterangan lanjutan mengenai sesuatu perkara (buku dll), sumber utk dirujuk: *buku itu menjadi ~ dlm lapangan ilmu ekonomi; buku ~ buku utk mendapat keterangan yg lebih lanjut;*

perujukan perihal atau perbuatan merujuk atau merujukkan;

perujuk orang atau tempat yg dirujuk utk mendapatkan sesuatu maklumat (keterangan dsb) tentang sesuatu.

rujuk silang catatan (kata atau tanda) yg mengarahkan perhatian pembaca dr suatu tempat ke tempat lain dlm sesebuah buku, fail

dsb utk keterangan atau maklumat selanjutnya: *mungkin ~ ini digunakan kerana masalah ejaan; satu lagi kelemahan kamus itu ialah terdapatnya terlalu banyak ~;*

merujuk silang merujuk drpd satu kata atau bahagian buku (makalah, rencana dsb) kpd satu kata atau bahagian buku (makalah, rencana dsb) yg lain: *pemilihan kata dibuat secara ~ kpd kata yg menjadi komponen makna yg lain;*

merujuksilangkan merujukkan sesuatu (kata, bahagian buku dsb) kpd sesuatu (kata, bahagian buku dsb) yg lain dgn menggunakan kata atau tanda: *setiap entri haruslah dirujuksilangkan dgn entri lain yg bersinonim dengannya.*

rukah Kl; **merukah** memanjat rumah dll (oleh pencuri, budak nakal, dll).

rukam; ~ *air* sj tumbuhan (pokok renek), kasip keludut, *Erismanthus obliqua*; ~ *babi* sj tumbuhan (pokok), bunga tanjung hutan, selimber, *Homalium longiflorum*; ~ *gajah* = ~ *hutan* = ~ *putih* sj tumbuhan (pokok kecil), pokok damak-damak hutan, *Scolopia rhinantha*; ~ *laut* sj tumbuhan (pokok renek), bedara laut, *Ximania americana*; ~ *padang* sj tumbuhan (pokok kecil atau renek), medang kundur, *Litsea ujongensis*; *pokok ~ putih* sj tumbuhan (pokok renek), *Scleropyrum maingayi*.

rukas Kl → □ **rukah**.

rukhsah Ar kelonggaran ketetapan hukum syarak kerana darurat (spt memakan bangkai, memendekkan sembahyang dlm perjalanan, meninggalkan puasa ketika sakit).

rukiah, rukiati Ar segala yg berhubungan dgn guna-guna (sihir dll).

ruku I; ~ *gajah* sj tumbuhan (rumpai), *Vernonia patula*; ~ *hutan* a) sj tumbuhan (herba), kumis kucing; b) sj tumbuhan (herba), rumput kucing-kucing (talas), *Adenosma capitatum*.

ruku II; meruku berbunyi (burung tekukur).

rukuk Ar **1.** membongkokkan badan dlm sembahyang (dgn tangan ditekankan ke lutut sehingga paras belakang dan kepala sama rata); **2.** membongkok;

merukuk = *duduk* ~ (duduk) membongkok (menunduk) dlm keadaan rukuk.

rukun I Ar **1.** = ~ *Islam* = ~ *agama* dasar atau tiang agama Islam (syahadat, sembahyang fardu, zakat, puasa Ramadan, dan mengerjakan haji); *menunaikan* ~ *yg kelima* mengerjakan ibadat haji; **2.** dasar, tiang, asas, sendi: *negara yg mengamalkan --- demokrasi*; **3.** sesuatu yg diharuskan, syarat: *seseorang yg hendak membuka kedai runcit perlu mempunyai tiga syarat atau ~ spt yg dinyatakan di bawah ini*;

~ *fikli* rukun yg berupa perbuatan dlm ibadat (rukuk dan sujud dlm sembahyang, tawaf dlm ibadat haji, dll); ~ *hidup* syarat hidup; ~ *iman* percaya akan Allah (malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-Nya, hari kiamat, dan untung baik dan buruk drpd Allah); *R~ Negara* falsafah negara Malaysia yg mendukung lima prinsip penting, iaitu kepercayaan kpd Tuhan, kesetiaan kpd raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, serta kesopanan dan kesusilaan; ~ *syarak* asas dan hukum agama Islam; ~ *syarat* Mn sesuatu yg harus diadakan mengikut adat.

rukun II 1. tenang dan tenteram, aman (perhubungan, persahabatan, dll), tidak bertengkar dll: *ia ingin kembali hidup ~ dgn isterinya*; *hidup ~ damai dlm masyarakat berbilang bangsa di Malaysia*; **2.** bersatu hati, bersepakat, berseia dan bersekata: *ingin memberikan sumbangan kita supaya semua bangsa di dunia ini hidup ~*; **3.** persatuan yg bertujuan utk bantu-membantu; ~ *kampung* Id persatuan penduduk kampung; ~ *tani* Id persatuan kaum tani; ~

tetangga Id persatuan antara orang-orang yg berjiran (bahagian drpd rukun kampung);

merukunkan **1.** menyebabkan damai (aman dll), mendamaikan: *siapa yg dapat ~ dua beradik yg berselisih itu?* **2.** menjadikan bersatu hati (bersepakat dll), menjadikan bersepakat: *penduduk tempat itu tidak dapat dirukunkan dgn cakap-cakap biasa sahaja tetapi harus dgn usaha-usaha yg positif drpd kerajaan;*

kerukunan **1.** perihal hidup rukun, kesepakatan: *~ hidup dlm masyarakat;* **2.** perasaan rukun (bersatu hati).

ruku-ruku **1.** sj tumbuhan (rumpai), pokok kemangi, selasih hutan, *Hyptis suaveolens;* **2.** = *~ hutan* sj tumbuhan (herba), kemangi, selasih, selasih antan (hitam, jantan, putih), *Ocimum basilicum;* *~ hitam* sj tumbuhan (pokok renek), selasih besar (cina, jambi, mekah), *Ocimum gratissimum;* *~ jantan* sj tumbuhan (herba), *Hemigraphis confinis.*

rukyah Ar **1.** kelihatan, pandangan; **2.** = **rukyatulhلال** melihat anak bulan utk menentukan permulaan Ramadan (Syawal dan Zulhijah); *ahli* ~ orang yg menganut hukum wajib berpuasa dgn melihat anak bulan (lwn ahli nisab yg menentukan permulaan puasa menurut perhitungan); *tanda* ~ alamat dgn memukul gendang raya dll utk mengumumkan nampaknya anak bulan.

rul bp; *kayu* ~ kayu pembaris (penggaris).

rulus; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok besar), ludai (pelanduk), mayang, *Sapium baccatum.*

rum I IB lemak kentalan air susu, kepala susu; *~ gula* campuran susu (mentega) dgn gula.

rum II minuman keras yg diperoleh drpd sulingan air tebu yg ditapaikan.

Rum. kep rumah.

rumah I 1. binaan utk tempat tinggal; *ahli (orang)* ~ a) isteri; b) ahli keluarga yg tinggal di rumah; *anjung* ~ bahagian depan rumah yg menganjur; *elaun* ~ elaun sewa rumah utk pegawai; *nyonya* ~ Id isteri; *perkakas* ~ a) bahan utk membuat rumah; b) perabot; *tuan* ~ pemilik rumah; **2.** (biasanya dipakai apabila memberi nama kpd sesuatu bangunan dgn erti) bangunan, gedung: *R~ Persekutuan*; **3.** ki pasukan atau kumpulan dlm olahraga (di sekolah dll): *sebuah sekolah selalunya dibahagikan kpd empat ~ dan ~-~ itu diberi nama warna misalnya ~ merah, ~ biru, dll*; **4.** = ~ *angka* bahagian dlm susunan angka, ruang, kolum: ~ *se*; ~ *puluh*; ~ *ratus*; ~ *adat* balairung; ~ *Allah* a) bangunan khas tempat umat Islam mengerjakan solat dan ibadat-ibadat lain, iaitu masjid dan surau; b) Kaabah; ~ *api* menara api (mercu suar); ~ *asap* bangunan atau tempat khas utk mengeringkan atau mengawet sesuatu (spt getah, tembakau, ikan dsb) dgn mengasapinya; ~ *bandar* a) rumah bertingkat yg sama bentuknya dan dibina bercantum dlm satu deretan, biasanya setiap tingkat merupakan satu unit rumah; b) rumah teres satu atau dua setengah tingkat yg kelihatan tinggi dan agak sempit, terletak di kawasan bandar atau pinggir bandar, bereka bentuk moden, biasanya mempunyai anjung kereta di tingkat bawah serta ruang tamu di tingkat satu; ~ *batu* rumah yg berdinding batu-bata; ~ *berhala* kuil (tempat memuja berhala); ~ *besar* a) rumah yg besar; b) rumah yg pokok (sbg ibu atau induk); ~ *bicara* Id bangunan tempat bermesyuarat; ~ *bola* Id rumah tempat bermain biliard, rumah kelab; ~ *butang (kancing)* lubang tempat memasukkan butang (buah kancing) baju; ~ *dansa* Id rumah tempat berdansa (menari), kabaret; ~ *dapur* bahagian rumah yg di belakang (tempat memasak); ~ *gadai (pajak)* rumah tempat menggadaikan barang-barang; ~ *gedang* Mn rumah ibu (induk)

sbg tempat tinggal kaum keluarga; ~ *gila* rumah tempat merawat orang gila; ~ *hantu* tempat pertemuan ahli persatuan Freemason; ~ *haram* rumah yg didirikan tanpa kebenaran pihak yg berkuasa (tuan punya tanah dll); ~ *hijau* rumah kaca; ~ *ibadat (ibadah)* rumah tempat beribadat (masjid, gereja, kuil); ~ *ibu* bahagian yg utama rumah Melayu, rumah induk, rumah gedang; ~ *instansi* Id rumah utk pegawai kerajaan; ~ *jaga* pondok tempat berkawal (tempat pengawal berteduh), gardu; ~ *judi* tempat berjudi, petopan; ~ *kaca* bangunan khas yg bumbung dan dindingnya drpd kaca, digunakan utk melindungi tanaman tertentu dlm keadaan yg terkawal; ~ *kampung* bp (biasanya) rumah yg diperbuat drpd kayu yg berlantai tinggi dan beratapkan rumbia (nipah dll); ~ *kedai* rumah dan kedai sekali (biasanya rumah deret di bandar), bangunan utk kedai; ~ *kembar* rumah yg dua serangkai (sebandung); ~ *kilat* bp rumah haram yg didirikan dgn cepat (biasanya pd waktu malam); ~ *kit* tempat menghisap candu; ~ *komedi* Id panggung sandiwara; ~ *kutai* sj rumah tradisional Melayu Perak; ~ *ladang* tempat kediaman yg didirikan di kawasan ladang yg mengusahakan tanaman atau ternakan, biasanya secara komersial; ~ *lelang* Id rumah tempat melelong barang-barang; ~ *liar* bp rumah haram; ~ *limas* = ~ *bumbung lima* rumah yg mempunyai lima tulang bumbung (satu ruang atau bilik menganjung ke hadapan); ~ *loteng (berloteng)* rumah yg bertingkat; ~ *makan* kedai tempat makan; ~ *minum* kedai tempat minum (menjual minuman); ~ *miskin* rumah tempat merawat orang miskin; ~ *monyet* rumah jaga (gardu kecil); ~ *murah* rumah yg murah harganya (dibangunkan oleh kerajaan utk dijual kpd orang ramai yg berpendapatan rendah); ~ *panggung* rumah yg tinggi lantainya; ~ *pangsa* rumah yg bertingkat-tingkat dan berpetak-

petak (tempat kediaman banyak keluarga); ~ *panjang* a) rumah kediaman orang Iban, Bidayuh dsb di Borneo; b) rumah pelacuran; ~ *pasang siap* rumah yg dibina dgn beberapa bahagiannya telah tersedia utk dipasang dan disiapkan di tapak binaan; ~ *pasung* a) balai polis; b) rumah tempat menahan orang salah; ~ *pelacuran* rumah tempat sundal; ~ *penginapan (pemalaman ark)* rumah tempat bermalam (hotel, motel, dll); ~ *penjelasan* (Eko) a) pusat pertukaran cek antara bank utk tujuan menjelaskan cek; b) pusat yg menguruskan penjelasan bagi urus niaga yg dijalankan di pasaran sekuriti atau komoditi; ~ *perdeo (perai)* Id, bp penjara; ~ *perhentian* rumah tempat berhenti (berehat, bermalam, biasanya kepunyaan kerajaan); ~ *pesanggarahan* Id = ~ *persinggahan* rumah perhentian; ~ *petak* rumah deret; ~ *piatu* rumah yg menempatkan anak-anak yatim piatu; ~ *potong* = ~ *sembelih* tempat menyembelih (lembu, kerbau, dll), pembantaian, pejalagan; *R~ Putih* nama bangunan tempat kediaman Presiden Amerika Syarikat; ~ *rehat* bangunan (yg disediakan oleh kerajaan) yg memberi kemudahan penginapan (spt hotel) terutamanya utk kakitangan kerajaan; ~ *sakit* tempat merawat orang sakit, hospital; ~ *setinggalan* rumah yg didirikan di atas tanah kerajaan (orang lain) secara haram atau tanpa kebenaran, biasanya di kawasan bandar dan tidak sempurna kemudahan asasnya; ~ *sewa* rumah utk disewakan; ~ *siput* kulit siput; ~ *tanaman* rumah kaca; ~ *tengah* bahagian rumah Melayu yg di tengah; ~ *terbuka* majlis makan dan ramah mesra di rumah seseorang yg terbuka kpd sahabat handai dsb (biasanya semasa musim perayaan, spt perayaan Aidilfitri); ~ *teres* rumah yg dibina yg satu di sisi yg lain (sehingga menjadi deretan yg terdiri drpd beberapa buah atau unit rumah); ~ *tetamu* rumah yg memberi penginapan; ~ *tumpang* rumah tempat

menumpang makan dan tidur, hotel kecil (lazimnya menyediakan penginapan pd kadar murah); ~ *turutan* rumah samping (bukan rumah induk); ~ *ubat* Id kedai tempat menjual ubat-ubatan; ~ *urut* a) rumah tempat berurut; b) rumah pelacuran;

~ *buruk disapu cat* prb orang tua yg suka bersolek; ~ *gedang ketirisan* prb perihal seorang perempuan yg kurang membawa bahagia kpd suami; ~ *gedang bersendi perak* prb orang bangsawan dan kaya pula; ~ *sudah, tukul (pahat) berbunyi* prb mengemukakan pendapat dll sesudah perkara diputuskan; *dalam ~ membuat* ~ prb mencari keuntungan utk diri sendiri ketika bekerja dgn orang lain; *diseluduki bawah ~ orang berluluk kepala = masuk ke bawah ~ orang kotor kepala* prb kalau tinggal di tempat orang tentu diisi adat lembaganya atau kalau beristeri ke sebuah rumah, tentu ditanggung susah senang dll di rumah itu; *memperlihatkan ~ buruk kpd orang maling* prb mempertontonkan rahsia sendiri kpd orang; *tiada berorang di ~* prb perihal seorang perempuan yg belum pernah bersuami tetapi bukan gadis lagi;

serumah **1.** seisi rumah, seluruh rumah; **2.** tinggal dlm satu rumah: *kedua-dua perempuan itu hiduplah ~, seorang di atas loteng dan seorang di bawah*; **3.** sudah kahwin (beristeri atau bersuami);

menyerumahkan meletakkan (menaruhkan) dlm satu rumah: *apakah dia akan diserumahkan dgn madunya?*

rumah-rumah **1.** banyak rumah; **2.** = **rumah-rumahan** sesuatu yg menyerupai rumah atau boleh disamakan dgn rumah, tiruan drpd rumah;

berumah **1.** mempunyai (memiliki) rumah: *seorang muda yg berkedudukan tinggi, berbudi bahasa, dan ~ besar*; **2.** = ~ tinggal diam (tinggal) di: *ia lebih suka ~ di Ulu Langat*; **3.** = **berumah**

tangga; *bagai ~ di tepi tebing* prb selalu tidak aman hatinya (selalu keluh-kesah dll);

berumahkan menjadikan sbg rumah: *orang Arab yg hidup ~ khemah yg dibuat drpd kulit unta;*

memperumahkan mengahwinkan (memperisterikan, mempersuamikan): *lebih lekas anakanda diperumahkan lebih elok;*

perumahan 1. kumpulan rumah, rumah-rumah tempat tinggal: *Petaling Jaya sebuah kota kecil ~ dan perusahaan; syarikat ~ syarikat yg mendirikan rumah-rumah (utk ahli-ahli atau utk dijual); 2.* perihal pengurusan tempat tinggal (rumah): *masalah ~ sedikit sebanyak sudah dapat diatasi dgn pembinaan rumah-rumah pangsa; pejabat ~ pejabat yg mengurus rumah pegawai kerajaan; 3.* tanah kosong (tapak) utk mendirikan rumah: *kawasan ~ baharu di Kampung Tunku; 4. = perumah* kayu tempat mata ketam (serut); **5.** Mn ark pendirian, maksud: *~mu sudah jelas kini;*
perumah (Bio) tumbuhan atau haiwan yg digunakan oleh parasit sbg tempat tinggalnya, serta sbg sumber makanan dan perlindungan.

rumah II; *~ langsuyar* sj tumbuhan (paku-pakis), daun samun, paku pandan, selimber, *Neottopteris nidus*.

rumah tangga perihal rumah dan kehidupan dlm rumah, rumah dgn keluarga yg mendiaminya;

berumah tangga 1. mengurus rumah tangga, berkeluarga: *pendapatan dan umurnya sudah cukup utk dia ~;* **2.** berkahwin (beristeri atau bersuami): *sebelum aku mati mahulah aku melihat engkau ~ dulu.*

rumal ark sapu tangan, □ ramal.

Rumawi berkaitan dgn kebudayaan, bahasa, politik dsb dr kerajaan Rom Kuno;

hukum ~ hukum yg dipakai oleh bangsa Rom (Roman atau Itali zaman dahulu); *huruf* ~ huruf Rumi, huruf Roman, huruf Latin.

rumba 1. sj tarian yg berasal dr Cuba, biasanya ditarikan di dewan tari menari; **2.** muzik yg dimainkan utk mengiringi tarian **1.** di atas: *muzik* ~.

rumbah berbagai-bagai daun mentah yg dimakan bersama-sama dgn nasi, lalap, ulam.

rumbai I jumbai;

berumbai-rumbai bergantung hujungnya, berjumbai-jumbai;

berumbai-rumbaikan berjumbai-jumbai dgn: ~ *mutiara dikarang*.

rumbai II = ~ *latah* sj tumbuhan (rumpai), sediang air, *Scirpodendron ghaeri*.

rumbia sj tumbuhan (palma yg menghasilkan sagu, dan daunnya dibuat atap), sagu, *Metroxylon spp.*; *atap* ~ atap yg diperbuat drpd daun rumbia.

rumbing Mn sumbing, sempak: *pisau saya* ~ .

rumbu I ark sj bubu.

rumbu II 1. tidak tentu hala, tidak senonoh (kelakuan); **2.** rambu: *budak ini* ~ *sangat*;

merumbu 1. berlaku tidak senonoh; **2.** berjalan ke mana-mana, berkeliaran, merambu.

rumbu III; merumbu penuh melimpah (cairan dll).

rumbun; merumbun, merumbunkan; ~ *api* menyorongkan kayu ke dlm api (utk memarakkan api).

rambung-rambung sj ikan laut, *Lutianus lutianus*.

rumen (rumén) (Bio) ruang pertama perut binatang ruminan yg menyimpan makanan yg separuh cerna buat sementara waktu sebelum diluahkan balik ke dlm mulut utk dikunyah sehingga lumat.

rumenia → □ **rumia**.

Rumi = *huruf* ~ abjad dlm bahasa Melayu dan bahasa moden yg lain yg bermula dgn A dan berakhir dgn Z, yg berasal dr kerajaan Rom Kuno, huruf Rumawi, huruf Roman, huruf Latin;

merumikan menyalin (menulis) ke dlm tulisan Rumi;

perumian perihal merumikan (tulisan): ~ *dan pencetakan semula buku ini ialah satu langkah yg patut dipuji.*

rumia sj tumbuhan (pokok yg buahnya boleh dimakan), remenia, *Bouea macrophylla*.

rumiah → □ **rumia**.

rumin Mn; *tali* ~ tali rami; *benang* ~ benang rami.

ruminan (Bio) haiwan spt lembu, kambing dan rusa yg mengeluarkan balik makanan yg separuh cerna dr perut utk dikunyah semula.

rumi-rumi sj ikan laut, lumi-lumi, *Echineis naucrates*.

rumit Mn tidak mudah, sukar, sulit, susah: *kami menghadapi persoalan beras yg ~; kalau jadi begitu, ~ pula hidup mereka anak-beranak kerana tiada pekerjaan; dlm ~ sedang hamil;*

merumitkan menyukarkan, menyulitkan, menyusahkan: *kalau dirinya sakit, keadaan lebih ~ lagi, dia tidak dapat pergi ke laut; perkara cadangan di luar negeri itu akan ~ perjalanan Bank Negara;*

kerumitan perihal rumit, kesukaran, kesulitan, kesusahan: ~ *yg besar kpd pekedai ialah memungut hutang.*

rumpai rumput dan tumbuh-tumbuhan kecil lain yg tidak berguna di kawasan yg telah diusahakan; ~ *laut* tumbuhan berwarna hijau,

perang atau merah gelap yg hidup di dlm laut, atau di atas batuan yg terendam di pinggir laut.

rumpair sj tumbuhan di air (laut), rumpai air, alga.

rumpang Mn **1.** berselang-selang (bersela-sela) sebab luruh gigi, ompong, rongak; **2.** berselang-selang (pagar dll), rongak: *pagar yg ~*; **3.** antara (waktu), sela: *selama ia masih dlm perjalanan, tidak akan ~nya aku berpuasa sunat setiap hari Isnin dan Khamis.*

rumpil Jw sukar dijalani (ditempuh), sulit, susah.

rumpun **1.** kumpulan tumbuhan yg seolah-olah mempunyai akar yg sama (kerana tumbuh anak-beranak), perdu: *~ buluh, ~ padi*; **2.** ki perindukan (orang-orang yg seketurunan, mempunyai nenek moyang yg sama), segolongan besar bangsa (bahasa) yg sama asal dan jenisnya, golongan yg sejenis (karya kesusasteraan): *~ bangsa Mongol; bahasa Melayu dan bahasa Jawa termasuk dlm satu ~ bahasa; ~ cerita rakyat*; **3.** = *~ telinga* lekuk daun telinga; **4.** ikatan, rangkaian;

alah di ~ betung prb, Mn kekalahan yg tidak memuaskan orang (pihak yg kalah); *tak jauh rebung di ~nya* prb perihal perangai anak yg tidak berbeza drpd orang tuanya;

serumpun **1.** satu rumpun, satu perdu yg banyak pokoknya: *~ buluh*; **2.** segolongan bangsa (bahasa dll) yg sama jenisnya, seperindukan: *bangsa yg ~ dgn bangsa Mongolia*; **3.** setangkai, seikat (buah-buahan, bunga, dll): *~ bunga semarak api*;

~ bagai serai, selubang (seliang) bagai tebu prb bersatu hati dlm segala hal; *tebas buluh ~* prb perihal merosakkan seluruh kaum kerabat (kerana perbuatan yg tidak baik);

keserumpunan perihal atau keadaan tergolong di dlm satu rumpun atau rumpun yg sama: *~ bahasa*;

berumpun, berumpun-rumpun 1. tumbuh merupakan rumpun (perdu), ditumbuhi tumbuh-tumbuhan yg berperdu; 2. beberapa rumpun, banyak rumpun; 3. ki beberapa tangkai, beberapa ikat (buah-buahan, bunga-bunga, dll): *bunga semarak api didapati berumpun-rumpun di hujung dahannya.*

rumpun 1. sj tumbuhan yg melata di bumi (berdaun tirus dan kecil, biasanya menjadi makanan lembu, kambing, dsb): ~ *benggala*; ~ *gerinting*; ~ *pahit*; 2. sj tumbuhan yg kecil-kecil; ~ *kejut-kejut (kemaluan)* semalu; ~ *rampai* berbagai-bagai jenis rumput, banyak jenis rumput;

~ *mencari kuda* prb perempuan yg mencari laki-laki; *bicarakan* ~ *di halaman orang, di halaman sendiri* ~ *sampai ke kaki tangga* prb kesalahan orang lain nampak, kesalahan sendiri tidak sedar; *embun di hujung* ~ prb sesuatu yg mudah hilang atau tidak tetap; *ibarat* ~ *yg sudah kering, ditimpa hujan segar kembali* prb perihal orang yg sengsara yg dgn tiba-tiba mendapat pertolongan sehingga hidupnya terasa sangat berbahagia; *terhenti-henti bagai* ~ *di tengah jalan, mati segan hidup tidak mahu* prb perihal kehidupan yg melarat;

rumpun-rumputan, rerumputan berbagai-bagai jenis rumput: *mereka segera berbaris ke tengah ladang yg telah bersih drpd* ~ *sambil memikul galah*; *pemuda itu masih terbaring di atas rerumputan spt tadi sementara matanya masih basah*;

merumput 1. memotong rumput, menyabit rumput; 2. sedang makan rumput (lembu dll); 3. = **merumputi** menyiangi kerana membersihkan tanah, membuang rumput; 4. = **merumputi** menaruh tanah yg berumput (tanah bata) di;

perumputan, rumputan tanah yg ada rumput, tanah yg ditumbuhi rumput, padang rumput.

rumrum Jw; **merumrum** sl membelai-belai dan membujuk-bujuk (perempuan), mempersenang hati.

rumung Jk; **merumung** merubung, mengerubungi, mengerumuni.

rumus 1. singkatan bagi sesuatu ungkapan yg terdiri drpd beberapa huruf, mis *DBP* utk Dewan Bahasa dan Pustaka, kependekan; **2.** (Kim) seperangkat simbol yg terdiri drpd huruf, atau huruf dan angka yg menunjukkan komposisi unsur sesuatu bahan, mis rumus utk karbon monoksida ialah *CO*, dan ammonia ialah *NH₃*, formula: ~ kimia utk air ialah *H₂O*; **3.** (Mat) aturan, prinsip, hubungan dsb matematik yg dinyatakan dlm bentuk simbol, formula: ~ utk mencari ukuran luas segi empat bujur = panjang \square lebar = *pl*;

merumuskan 1. memendekkan atau meringkaskan (perkataan): *UMNO dirumuskan drpd kata-kata Inggeris United Malay National Organisation*; **2.** menyatakan sesuatu (spt hukum dll) dgn rumus: *tambahan peraturan syarikat patut dirumuskan berdasarkan undang-undang; hukum Boyle boleh juga dirumuskan secara hisab*; **3.** menyebutkan (menyatakan, mengumumkan) sesuatu dgn ringkas lagi tepat: *hanya kepemimpinan berwibawalah yg sanggup ~ keputusan terakhir*;

rumusan pernyataan atau kesimpulan tentang soal-soal pokok (ketetapan, pendirian, dll) yg dinyatakan secara ringkas dan tepat: *tegasnya bolehlah kita membuat ~ spt ini*;

perumusan perihal (perbuatan, proses) merumuskan, pernyataan yg ringkas lagi tepat: ~ *teori-teori baru*;

perumus orang yg merumuskan sesuatu perkara.

runas Pr; **merunas** meregut, mematahkan (pucuk, bunga, dll).

runcing 1. lancip ke hujung, berhujung tajam (lancip): *jarinya yg ~; bambu ~ buluh yg ditajamkan hujungnya (tombak drpd buluh)*; **2.** ki genting atau memuncak, tegang (keadaan, perselisihan, dll):

ketegangan antara Filipina dgn Malaysia bertambah ~; ~ tanduk bangkah kening prb sudah terkenal kejahatannya;

meruncing **1.** menjadi runcing, berbentuk runcing (lancip): *dicabutnya turus pagar yg ~ halus; benua itu ~ ke arah selatan tetapi membesar di sebelah utara;* **2.** ki menjadi genting atau memuncak (keadaan, perselisihan, dll), menjadi tegang: *keretakan itu semakin melebar dan ~;*

meruncingkan **1.** membuat jadi runcing (lancip), meraut (mengasah dll) supaya runcing: *ranjau ialah buluh yg diruncingkan tajam; masing-masing dgn batang kayu yg diperbuat spt galah dan diruncingkan hujungnya;* **2.** menyebabkan genting (suasana dll): *maka anasir-anasir komunis itu akan ~ lagi suasana dlm negeri;* **memperuncing** mempertajam atau memperhalus (semangat, pendengaran, dll): *dan diperuncingnya pendengarannya; ia ~ telinganya;*

keruncingan **1.** perihal runcing; **2.** kegentingan (keadaan, perselisihan, dll).

runcit bermacam-macam, beraneka warna, berbagai-bagai: *menjual barang-barang ~; kedai ~ a) kedai yg menjual barang secara sedikit-sedikit (terus kpd pengguna); b) kedai yg menjual barang yg bermacam-macam; jual(an) ~ jual(an) secara kecil-kecilan; penjual ~ penjual berbagai-bagai barang; perbelanjaan ~ perbelanjaan utk membeli barang yg kecil-kecil atau sedikit-sedikit;*

beruncit; beruncit-runcit sedikit demi sedikit, berdikit-dikit, beransur-ansur: *mengutip yuran ~ itu akan menambahkan kerja kpd semua peringkat;*

peruncitan (yg berkaitan dgn) perniagaan runcit (iaitu pembelian dan penjualan barangan secara sedikit-sedikit: *konsep ~; sistem ~;*

peruncit peniaga secara sedikit-sedikit (terus kpd pengguna), peniaga runcit.

runding 1. sl perhitungan, perkiraan, pertimbangan; **2.** pembicaraan (perkiraan) yg sungguh-sungguh lagi mendalam tentang sesuatu hal; *hamba tidak berbanyak* ~ tidak banyak bicara; ~ *cara* khidmat atau pemberian bimbingan dan nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya; *merentang* ~ memanjang-manjangkan percakapan (perbualan, pembicaraan); *pakar* ~ pakar perunding; ~ *banyak nan ka disebut* prb jika banyak berembuk akan dicapai keputusan;

berunding 1. bercakap-cakap (tentang sesuatu hal) dgn sungguh-sungguh, berbicara, berembuk: *Tuan ku berharap Filipina akan mengubah sikapnya dan bersetuju utk ~ di Bangkok*; **2.** bercakap-cakap (tentang sesuatu), berkira-kira: *letakkanlah bakul itu dahulu, marilah kita ~ sedikit*; *inda* ~ Br tidak berkira, bertolak ansur;

merunding sl menghitung, memperhitungkan; *runding*-~ hitung-menghitung, timbang-menimbang;

merundingkan 1. memperhitungkan, memperkirakan: *mereka adik-beradik, jadinya tidaklah dirundingkan sangat kalau ia memakai wang adiknya itu*; **2.** memperkatakan (membicarakan) sesuatu utk memperoleh persetujuan penuh, membicarakan: *barang sesuatu yg akan diperbuatnya dirundingkannya lebih dahulu dgn isterinya*;

rundingan 1. perbincangan antara dua atau banyak utk menyelesaikan masalah (pertelingkahan, persengketaan, dsb atau mencapai sesuatu persetujuan): ~ *telah membawa kpd pertengkaran dan pertengkaran pula membawa kpd perkelahian*; *persengketaan sebaik-baiknya diselesaikan menerusi ~*; ~ *meja*

bulat rundingan dgn menggunakan meja bulat sbg menunjukkan bahawa pihak-pihak yg terlibat mempunyai taraf yg sama; ~ *telah putus* pembicaraan sudah selesai dan menghasilkan persesuaian; **2.** butir-butir pembicaraan (pembincangan dll), isi pembicaraan: *segan menurut ~ orang lain* segan menurut nasihat orang lain; ~ *damai* pembicaraan utk mencari perdamaian;

perundingan perbuatan berunding, pembicaraan, permesyuaratan, perembukan: *ia telah memajukan tuntutannya dlm ~ itu*;

perunding **1.** orang yg berunding (utk mencapai sesuatu persetujuan): *seorang diplomat dan ~ yg ulung*; **2.** orang (syarikat dsb) yg dirujuk utk mendapatkan nasihat kepakaran (tunjuk ajar dsb); *pakar ~ orang* (syarikat dsb) yg mempunyai pengetahuan kepakaran yg tertentu dan berlaku sbg perunding.

rundu; ~-*randa* Jk pergi ke sana ke mari dgn membawa barang-barang sekali (spt orang mengungsi), berpindah-randah.

runduk = **merunduk** tunduk, menunduk: *ia melihat buah padinya yg ~*; *ia ~ sejenak, kemudian mengangkat muka*;

merundukkan menundukkan (kepala).

rundung; **merundung** **1.** mengacau, mengganggu, menyusahkan: *ia ~ suaminya dgn meminta dibelikan itu dan ini*; **2.** menimpa (bkn kemalangan, kesusahan, dll): *selalu dirundung malang*.

rung I **1.** sj ikan darat, *Labeo caeruleus*; **2.** sj ikan darat, *Labiobarbus leptochilus*; **3.** sj ikan darat, *Osteochilus vittatus*.

rung II Kl batas utk menanam ubi.

rungas; **berungas** tidak rapi, tidak kemas, kusut (rambut dll).

runggas I; **merunggas** menyentak, merenggut.

runggas II; **berunggas-runggas** banyak permatanya: *cincin yg ~*.

runggau ark kurang tidur.

runggu I; *~rangga* berhujung-hujung tajam (tanduk rusa dll),
bercerancang.

runggu II Mn *rungguh*, cagaran, jaminan.

rungguh I = **rungguhan** barang dll yg diletakkan sbg tanggungan utk
wang yg dipinjam, cagaran, jaminan, sandaran: *ia harus
menyerahkan tanahnya sbg ~ bagi pinjaman itu; rumah
rungguhan* ark rumah gadai;

merungguhkan meletakkan sesuatu sbg cagaran (tanggungan),
menggadaikan; *~ rumah* menggadaikan rumah; **runggu II**.

rungguh II Mn; **merungguh** bertinggung, bercangkung, berjongkok.

runggu unggun.

rungkai; **merungkaikan** menghuraikan (simpulan tali dll), membuka
(bungkusan dll); → □**ungkai**.

rungkap; **merungkap** bercakap kasar (biadap).

rungkas; **merungkas** merombak, membongkar, membuka, mencabut.

rungkau ark; **merungkau** terburai dan bergantung menutup muka
(rambut).

rungkuh kelihatan sudah tua benar; *tua* ~ sangat tua;

kerungkuhan menjadi tua renta.

rungkun (Sunda) Jk rumpun (buluh dll).

rungkup merupakan penutup (tudung dll); *atap* ~ atap yg sangat lebar
dan rendah (rumah seolah-olah ditudunginya); *kajang* ~ dua helai
kajang yg dipasang hingga menutupi;

merungkup melingkupi, menudungi, menutupi (hingga tidak
tampak lagi).

rungrum → **rumrum**.

rungus I Mn; **merungus** berbunyi gemuruh (besar), menderam; *~
rungus kecil* bernyanyi perlahan-lahan (utk diri sendiri sahaja).

Rungus II suku kaum peribumi di Sabah, termasuk dlm rumpun kaum Kadazan Dusun, kebanyakannya tinggal di Kudat.

rungut leter, gerutu, omel, sungut: *"keras sangat", demikian ~ nenek;*

merungut, berungut berleter, bersungut, menggerutu, mengomel: *ia mendongak ke atas sambil ~ kerana bising; kelambatan balik dr menoreh sudah menjadi kebiasaanku, tidaklah ibuku berungut lagi;*

merungut-rungut bersungut-sungut, mengomel-omel: *pendayung itu ~ kerana wang yg diterimanya itu tidak mencukupi;*

merungutkan merungut mengenai, bersungut sebab: *suaminya ~ bahawa gadis-gadis sekarang terlalu pandai berjinak-jinak dgn lelaki; Salmiah merungut-rungutkan keburukan rumah yg disewa; apa hendak dirungutkan, bukan jodoh engkau;*

rungutan 1. perbuatan merungut: *Hayati menyesal apabila disedarinya ~ itu tidak adil;* 2. omelan: *ia sedar ~nya sudah pun sampai ke pengetahuan yg berkuasa;*

perungut orang yg suka merungut, peleter, pengomel.

runjam ark; **merunjam** menusuk (menikam, menjolok, merodok) dr bawah; → **hunjam**.

runjang; merunjang 1. merodok, mencucuk (ke dlm lubang dll), menikam, menjolok; 2. ki meraba-raba, mencari-cari (ke sana ke mari): *ia ~ ke sana ke mari utk membuat hubungan.*

runjau ark; **merunjau** kurus tinggi, panjang ramping, lampai.

runjun; merunjun mengail (ikan haruan) dgn sj kail yg panjang batangnya dan umpannya katak hidup.

runjung berupa kelongsong (basung, kerucut); *hantu* ~ ark sj hantu yg mulanya nampak kecil kemudian menjadi besar;

merunjung makin ke atas makin lancip (kecil), mengerucut.

runsing 1. cepat marah, suka mengomel (merungut-rungut); **2.** = ~ *hati* sebal hati, risau: *janganlah pula engkau menambah ~ hati mak;*

merunsing mengomel, bersungut, merungut;

merunsingkan menjadikan runsing, menyebabkan runsing, merisaukan: *dlm keadaan begini, ia tidaklah patut dirunsingkan; perbelanjaan pelajaran ~ fikiran ahli-ahli politik dan orang ramai;*

kerunsingan perihal runsing, kerisauan: *mereka dlm ~;*

perunsing orang yg selalu runsing, perisau.

runtai; seruntai segugus, seikat (buah-buahan);

meruntai bergantung terayun-ayun, berjuntai; → □ **untai.**

runtas ark; **meruntas** menyambar, menyentak, merenggut: ~ *buah dr ranting.*

runti; merunti menggosok rotan (terutama rotan sega) supaya hilang bahagian yg keras dll.

runtih; meruntih memetik (daun, bunga, dll), menanggalkan biji jagung dr tongkolnya, menyobek.

runtuh 1. jatuh kerana rosak dll (bangunan), roboh: *banyak bangunan lama yg ~ akibat angin puting beliung;* **2.** jatuh sebelum masak dll, gugur; **3.** gelongsor atau lungsur (tanah, lereng bukit, dll), rebak: *pecahan-pecahan batu itu menggeluncur turun mengikut lereng-lereng gunung dan berkumpul di kaki bukit menjadi kumpulan batu ~;* **4.** ki rosak atau hancur seluruhnya (kekuasaan, cita-cita, harapan, dll), binasa, jahanam: *kekuasaan negara-negara penjajah sudah hampir ~ seluruhnya di Asia; orang yg ~ akhlaknya* orang yg rosak akhlaknya;
langit ~ bumi cair = langit ~ bumi telah terban prb kehilangan orang tempat menumpang hidup;

meruntuh 1. (menjadi) runtuh; *musim durian ~ musim durian gugur*; **2.** ark turun atau menyusup (tentera dll);

meruntuhkan 1. merosakkan dan menjatuhkan, merobohkan: *sebihi bom atom telah ~ seluruh bandar Hiroshima*; **2.** menyebabkan gugur (lungsur atau gelongsor): *tanah tepi lubang itu diruntuhkan dgn pancutan air*; **3.** ki menjatuhkan, membinasakan, merosakkan (kekuasaan, pertahanan, dll), menghancurkan (cita-cita, iman, dll): *kita akan menghancurkan segala kekejaman yg ~ kedaulatan raja kita; ayahnyalah yg ~ seluruh kehidupannya*;

~ *hati* membangkitkan berahi (dll hati); ~ *iman* a) merosakkan (menghancurkan) iman; b) menggoda orang;

runtuhan, reruntuhan benda yg telah runtuh, bekas bangunan dll yg rosak, puing: *Kamboja dan Thailand berperang kerana merebutkan ~ sebuah kuil*;

keruntuhan 1. perihal runtuh, kejatuhan, kerobohan, kerosakan: *pesawat V-I itu tiba-tiba berhenti di udara lalu menjunam dan menyebabkan ~ di mana-mana; pangkalan-pangkalan itu sbg pusat ~ maruah orang yg tinggal di situ*; **2.** tertimpa oleh sesuatu yg runtuh: *beberapa orang mati ~ bukit itu*;

peruntuh ark orang yg meruntuhkan: *sekarang dia akan jadi ~ pula, akan meruntuhkan kemanusiaan*.

runtuk → reruntuk.

runtun I; meruntun 1. menarik (menyeret) kuat-kuat, membantun, menyentak, merenggut: *ia telah diruntun masuk ke dlm perahu*; **2.** sl mengambil dgn paksa, membegal, menawan, merampas, merebut: *Melaka itu hendak diruntunnya*; **3.** ki mengalih atau menarik (perhatian, perasaan, dll): *ia cuba ~ fikirannya ke babak lain; kisah yg dibentangkan dlm drama ini pasti dapat ~ perasaan*

siapa sahaja; ~ hati menarik hati; 4. = meruntun-runtun mendesak-desak, melonjak-lonjak (perasaan kerana terlalu ingin benar): hatinya meruntun-runtun hendak mengetahui kandungan surat itu;

runtunan tarikan (sentakan), desakan: *apabila ~ nafsu mudanya bergelora, ia lekas-lekas pergi bekerja; ~ hati (jiwa dll) tarikan atau desakan hati (jiwa dll).*

runtun II; beruntun, beruntun-runtun berderet-deret, berikut-ikut, berturut-turut: *suara itu disusuli bunyi tembakan yg ~ dr arah jalan besar; ayat-ayat al-Quran yg turun itu banyak sekali beruntun-runtun satu ayat demi satu ayat;*

runtunan deretan, jajaran, leretan: *demonstrasi harus beruntun-runtun sbg ~nya ombak.*

runtut I Jw bersesuaian, selaras, sepadan.

runtut II Jw; **runtutan** runtunan, rentetan.

runut bekas tapak kaki dll, jejak, alur di tanah (bekas roda pedati dll): *~ harimau; ~ kereta; mendapat ~ mendapat keterangan (bkn perkara yg sedang diselidiki; putus ~ kehilangan jejak (bekas); songsang ~ Mn sj tenung;*

merunut, merunuti 1. mengikuti (menuruti, mengekori) jejak, mengesani: *dirunutinya tapak itu sampai ke hujung kampung; 2.* ki menyelidiki (mengusut) perkara dll: *~ perkara kecurangan dlm pembinaan rumah.*

runyam Jk **1.** susah mengerjakan, leceh, rumit, sukar, sulit: *agak ~ juga kerja itu bagi orang yg belum biasa; 2.* tidak berhasil (jadi), gagal: *kalau dia masih berkeras juga tentu akan ~ cita-cita kita;*

merunyamkan 1. menyulitkan, merumitkan; **2.** menggagalkan.

runyas; merunyas Jh berbulu-bulu (kain), berjerabai, cemabai.

runyut Mn; **merunyut** berkedut (kerana kering dll), berkerut, kisut, lisut.

ruok Mn ark; **meruok** **1.** berbuih, membual; **2.** meluap, mendidih; **3.** ki marah; → □**ruap**.

rupa **1.** perihal sesuatu benda yg kelihatan dr luar, sifat sesuatu pd lahirnya: *kepala binatang itu ~nya spt kuda; tidak memandang ~ tidak mempedulikan keadaan dr luar, tidak mengendahkan; ~ bentuk rupa dan bentuk (sifat dan keadaan) sesuatu (benda);* **2.** = ~ muka rautan muka, paras muka, roman muka, tampang muka: *perempuan yg elok ~nya; ada ~ cantik;* **3.** apa yg tampak (kelihatan), wujud: *tamsil spt matahari dgn cahaya dgn panas, namanya tiga, ~nya tiga, hakikatnya satu juga;* **4.** bangun, bentuk, tokoh: *menara itu ~nya spt roket; dapatlah kuturut ~ huruf sedikit-sedikit tetapi dgn kasarnya;* **5.** bagai, jenis, macam: *siap sedia segala ~ juadah utk hari raya; mengapa gerangannya hal ini demikian ~;*

~ *bangsa* a) kerakyatan, kewarganegaraan; b) sifat-sifat (cara hidup dll) bangsa; ~ *bumi* lukisan atau gambaran bentuk muka bumi pd peta, topografi; ~ *taip* muka taip;

~ *boleh diubah, tabiat dibawa mati* prb terlalu susah hendak mengubah tabiat; ~ *harimau hati tikus* prb nampaknya gagah berani tetapi sebenarnya penakut; *bagai ~ orang terkena beragih* prb muka masam kerana rugi dll (ketika berbagi barang-barang syarikat); *indah khabar dr ~* prb khabar selalunya lebih baik drpd keadaan sebenarnya;

rupanya **1.** rupa; **2.** nampaknya, (kalau) mengamat-amati keadaannya (bentuknya, kelakuannya, dll): ~ *kita akan berhari raya pd hari Sabtu;* ~ *Marsdenlah orang yg mula-mula sekali menggunakan perkataan "utas" dlm kamusnya;* **3.** agaknya,

kiranya, barangkali, gerangan, konon: *siapa pula ~ yg suka mencoret-coret dinding ini?* **4.** kiranya, alih-alih, sebenarnya, sebetulnya: *kusangka ia sedang membaca dlm bilik, ~ tidur; spt dicanai ~ prb perihal keelokan sesuatu benda;*

serupa 1. satu rupa (jenis, keadaan, macam, dll): *Viva dan Opel Kadet ~ sahaja;* **2.** sama rupanya (bangunannya, bentuknya, warnanya), semacam, seragam: *pelanduk dua ~; pakaian ~ pakaian seragam;* **3.** tidak berbeza, sama (dgn), bersamaan (dgn), sama sahaja: *kamu akan mendapat jawapan yg hampir ~ dgn apa yg ditunjukkan; dewan kedua ialah Dewan Rakyat dan ini adalah ~ dgn "House of Commons";* **4.** sebagai, selaku, seperti: *langkahnya ~ orang besar;* **5.** (Mat) sama bangunnya (bentuknya), sebangun: *rajah segi tiga ~ ABC dan XYZ;*

berserupa sama rupanya, bersamaan;

menyerupa Mn berlagak atau berlaku spt, merupakan diri spt, menyamar (menyaru) spt;

menyerupai 1. serupa dgn, mirip dgn, hampir menyamai, mengarah-arahi: *hulunya diperbuat drpd kayu, bengkok di hujungnya dan ~ bentuk hulu pistol;* **2.** sama dgn, menyamai: *Tuhan bersifat sedia dan kekal, mustahil Ia ~ benda-benda yg baharu; sungguhpun ia bergelar Presiden tetapi ia tidaklah ~ kedudukan Presiden Amerika;* **3.** Jk meniru(-niru), menyamainya: *lakunya ~ orang tuanya;*

menyerupakan 1. menjadikan serupa (dgn), menyamakan (rupanya, aturannya, dll): *sistem dan kadar kutipan zakat itu haruslah diserupakan;* **2.** mengatakan sama (dgn), menganggap sama (dgn), memisahkan sama (dgn): *ia diserupakan dgn kanak-kanak sekolah menengah sahaja;*

keserupaan kesamaan rupa: *sebutan dua ~ dlm cara pembiakan ayam dan katak;*

perserupaan persamaan rupa, persesuaian, persetujuan;

rupa-rupa berbagai-bagai, bermacam-macam (rupa, bentuk): *dikumpulnya ~ barang lama;*

rupa-rupanya **1.** agaknya, barangkali, kalau-kalau, kiranya: *~ rundingan damai di Paris itu tidak sampai ke mana;* **2.** sebaliknya, melainkan: *yg disangkanya boleh mendatangkan keberuntungan ini ~ tidak demikian jadinya;*

berupa **1.** ada rupanya yg boleh dilihat (nyata, kelihatan), wujud: *roh ialah suatu kejadian Allah yg tidak ~;* **2.** rupanya, bentuknya (bangunnya) sbg: *lambang negaranya ~ sebuah bintang berbucu tiga belas;* **3.** terjadi drpd, terdiri drpd: *memberi bantuan yg ~ mata benda;* **4.** elok rupanya, cantik: *bakal isterinya itu hendaklah orang yg berbangsa dan ~;* **5.** dlm keadaan (bentuk): *undang-undang yg diluluskan oleh mereka itu biasanya ~ rangka yg mengandungi dasar undang-undang yg kasar sahaja;* **6.** berkelakuan, berperangai: *orang yg sistem sarafnya terganggu itu ~ spt orang mabuk;*

berupa-rupa berbagai-bagai, bermacam-macam, berjenis-jenis;

merupa **1.** menjadi ada, berwujud, memperlihatkan diri (hantu, jin, roh, dll); **2.** nampak membayang (dlm mimpi, angan-angan, dll);

merupai menyerupai (mengarah-arahi, mirip dgn): *rajab itu tidak ~ bulatan tetapi lebih mendekati segi empat bujur;*

merupakan **1.** membentuk (membuat, menjadikan) supaya mempunyai rupa, memberi rupa: *peti rahsia itu dirupakan buku;* **2.** melahirkan, menggambarkan, mewujudkan: *malaikat Jibrail dirupakan seorang yg cantik dan diberi bersayap;* **3.** menjadi,

membentuk: *rancangan hendak memindahkan ibu negeri ~ projek yg terpenting; getah ~ 40% drpd pendapatan negara Malaysia; 4.*
ki melambangkan, melukiskan, menggambarkan: *Pak Kadok dan Lebai Malang ~ manusia yg dungu tetapi sebenarnya mempunyai daya berfikir; ulasan itu ialah perkataan yg ~ fikiran yg dibuat drpd satu-satu alasan; ~ diri* a) menampakkan dirinya spt (menjadi), membuat dirinya berwujud, menjelma: *Puteri Gunung Ledang ~ dirinya spt perempuan tua; ia dapat ~ dirinya spt harimau; b) berlagak (berlaku dll) sbg: dgn ~ dirinya sbg seorang tukang sapu longkang, pegawai polis itu berjaya menangkap pemerang wang itu;*

terupa boleh dirupakan (diwujudkan, diangan-angankan): *~ di hadapannya wajah anaknya yg nakal itu; tidak ~ oleh akal* tidak masuk akal;

rupa-rupaan sl ark rupa-rupa, berbagai-bagai (rupa).

rupal sj tumbuhan (pokok), bekoi, berkol, buah babi, tukoi, *Crypteronia paniculata*.

rupawan elok rupanya, cantik: *gadis ~;*

kerupawanan kecantikan: *ia menjadi pujaan ramai kerana ~nya dan kebaikan perangnya.*

rupee (rupi) unit mata wang India, Pakistan, Sri Lanka dan beberapa negara lain.

rupi → **rupee**.

rupiah unit mata wang Indonesia; *~ sifah* sj mata wang lama India;

serupiah satu rupiah, seperak;

merupiahkan menukarkan (wang asing) menjadi rupiah.

rupuh; merupuh; *bunyi* ~ berbunyi kuat (spt pokok besar tumbang dll).

rupung ruyung, huyung-hayang.

ruruh luruh.

rurut I Mn gugur, jatuh: *telah ~ bunga hayatku sebelum dia mekar; ~ hati jatuh hati, terharu hati; lurut II.*

rurut II; merurut melurut (melucutkan, meluluskan) cincin dll; →
□ **lurut I.**

rusa I sj binatang yg tanduknya bercabang-cabang dan memakan tumbuh-tumbuhan, menjangan, *Cervus equimus*; jenis-jenisnya: ~ *babi*, ~ *balas*, ~ *dandi*, ~ *nibung*;
~ *di hutan, kancah sudah terjerang* prb barang sesuatu yg belum pasti didapat sudah direka-reka akan gunanya; *mati ~ kerana jejak, mati kuau kerana bunyi* prb mendapat bencana kerana perbuatannya atau sesuatu yg menjadi kemegahannya; *mati ~ kerana tanduknya* prb mendapat kecelakaan kerana sesuatu yg menjadi kemegahannya; *spt ~ kena tambat* prb selalu dlm keluhan-kesah; *spt ~ masuk kampung* prb tercengang-cengang; *tak akan rintang ~ oleh tanduknya* prb tidak terganggu seseorang yg cekap itu drpd melakukan pekerjaannya.

rusa II; akar ~ = rusa-rusa sj tumbuhan (pokok memanjat), akar telur bujuk, akar kacang-kacang, *Agelaea verstita*; *pokok ~* sj tumbuhan (pokok kecil), mempisang, *Vitex hollrungii*.

rusam Kd sj alat (batang atau pegangan yg boleh berputar) utk mengajar anak-anak kecil berjalan.

rusih; pokok ~ sj tumbuhan (pokok kecil), kayu membuah, jambul burung cicit, *Polyalthia beccarii*.

rusuh I **1.** terganggu ketenteraman (kerana perbuatan jenayah spt pencurian dll), tidak aman: *keadaan ekonomi yg begitu buruk menyebabkan daerah kami ~ sekali*; **2.** gaduh, huru-hara, kacau, ribut: *negara itu menjadi ~ selepas pemberontakan oleh tentera*; **3.** tidak sopan (kelakuan, perkataan, dll), kasar (permainan bola sepak dll), tidak berperaturan, ceroboh: *bahasanya ~ benar; ~*

benar makanannya apa sahaja dimakannya; **4.** tidak tenteram fikiran, (sangat) gelisah: ~ *resah* berbagai-bagai kegelisahan (tidak aman dll);

merusuh membuat rusuh (spt mengacau, merompak, mengganggu ketenteraman, dll): *orang salah ~ dlm penjara; sekumpulan kecil drpd penonton telah ~ kerana tidak puas hati dgn keputusan pengadil;*

merusuhi mengganggu (ketenteraman), mengacau: *tikus tanah yg selalu ~ sawah kami;*

merusuhkan menyebabkan rusuh, menimbulkan huru-hara (kekacauan, keributan, dll);

rusuhan kejadian merusuh: *banyak yg luka akibat ~ pelajar-pelajar itu; ~ kaum* rusuhan yg berlaku di kalangan anggota kaum-kaum yg berlainan dlm sesebuah komuniti atau negara, yg berpunca drpd sebab-sebab tertentu; *pasukan (polis) pencegah ~* polis utk memadamkan rusuhan;

kerusuhan perihal rusuh (kekacauan, keributan, dsb);

perusuhan **1.** perbuatan merusuhi (merusuhkan); **2.** huru-hara, pemberontakan, dsb;

perusuh pengganggu ketenteraman, pengacau, penderhaka.

rusuh II = ~ *hati* sentiasa gelisah (khuatir, sedih, susah), tidak tenang hatinya: *semalam-malaman itu ia sudah ~, sudah gelisah sangat, tidak tidur sepingin jua;*

berusuh; ~ *hati* bersusah hati, berdukacita, gelisah: *banyak juga orang yg ~ hati dgn keberhentian pegawai tinggi itu;*

merusuh menjadi rusuh (gelisah, khuatir, sedih): *ia mulai tenang, lebih dikuasainya hati yg ~ itu;*

merusuhkan **1.** = **memperusuh** membuat (menjadikan atau menimbulkan) rusuh hati, menggelisahkan, menyusahkan: *tingkah*

laku anaknya yg seorang itulah yg ~ hatinya; banyak perkara yg ~ fikirannya sekarang; 2. khawatir akan sesuatu, selalu memikirkan, membimbangkan: selalu sahaja ada perkara yg dirusuhkan;

kerusuhan; ~ *hati* perihal rusuh hati (kegelisahan).

rusuk I 1. samping, sisi (sebelah badan dll): *satu tumbukan lagi kena di bawah ~ ; angin bertiup di ~* angin bertiup dr sebelah (bukan dr hadapan); *tumbuk ~* bp memberi rasuah; **2.** pinggir, tepi (jalan dll); ~ *jalan* jalan kecil di tepi jalan besar; ~ *kepala* alur di bahagian bawah belakang kepala, cekung (pelipis) kepala; ~ *surat* tepi surat; *daerah ~* daerah pinggir (perbatasan); *pintu ~* pintu yg di sebelah (tepi); **3.** = *tulang* ~ bilah-bilah tulang dr tulang belakang ke tulang dada, iga: ~*nya patah akibat jatuh;*

~ *benua* (Geog) dasar laut yg tidak begitu dalam yg letaknya dekat pantai; ~ *kanan (kiri)* sebelah kanan (kiri);

merusuk 1. menikam dll di sisi (sebelah) atau pd lambung: *dirusuknya orang itu di sebelah kanan;* **2.** menurut sisi, menepi, menyusur (tepi), mendekati dr samping: *berjalan ~;* **3.** rusuk, (tidur dll) di atas tulang rusuk, mengiring: *dia tidur ~.*

rusuk II (Mentawai) rumah sementara waktu.

rut I ark lut, telut.

rut II Kl; **merut** memperkuat (ikatan).

rutai; merutai mencomel, mengomel: *suara bininya masih kedengaran ~ macam bertih.*

rutbir sj minuman (bukan arak) yg diperbuat drpd pati beberapa jenis akar tumbuhan.

rutenium (ruténium) (Kim) sj unsur kimia logam keras berwarna putih keperak-perakan yg terdapat terutamanya dlm bijih platinum, digunakan sbg mangkin dan dlm aloi tertentu.

rutherfordium (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

rutin **1.** pekerjaan atau cara melakukan sesuatu yg telah menjadi kelaziman dan tidak berubah: ~ *kerja mingguan yg perlu dibereskan*; **2.** sudah menjadi kebiasaan atau kelaziman, biasa, lazim: *masa selebihnya digunakan utk kerja-kerja ~ spt berkemas, membasuh, menggosok, dan kerja-kerja dapur; peraturan ~*; **3.** (Komp) atur cara atau bahagian atur cara yg melaksanakan sesuatu fungsi.

rutu → □ **rutuk**.

rutuk; **merutuk** mengomel, menggerutu: *ia masih ~ dan bersungut-sungut sambil mengemaskan rumah.*

rutup ark riuh-rendah, hiruk-pikuk;

merutup berbunyi riuh-rendah (hiruk-pikuk), berbunyi spt benda meletup banyak-banyak.

RUU Id kep Rancangan Undang-Undang.

ruwat tidak keruan, kacau, kalut, kusut, rumit, sulit: *perubahan kata kerja yg ~ dan sulit spt pd bahasa-bahasa Indo-Jerman tidak ada;*

meruwatkan mengacaukan, mengalutkan, mengusutkan, menyulitkan: *acap kali kiasan malah mengusutkan maksud, ~ makna;*

keruwatan kekacauan, kekalutan, kekusutan, kesulitan: *di mana-mana, yg lama dgn yg baharu bertempur hebat, ~ yg tidak habis-habisnya timbul drpd pertempuran itu.*

ruwet □Jw ruwat.

ruwin Kl alat tenun.

ruyung **I** kulit atau kayu yg keras drpd batang rumbia (enau dll);

jika tidak dipecah ~ di mana boleh mendapat sagu prb tidak akan tercapai cita-cita dgn tidak berusaha kuat; awak yg payah membela ~, orang lain yg beroleh sagunya prb kita yg berusaha dan bersusah payah tetapi orang lain yg mendapat faedahnya.

ruyung II 1. K1 condong, senget (rumah, pokok, dll); 2. Pr huyung; →
□ **royong II**.

ruyup = meruyup 1. sangat mengantuk (berasa atau kelihatan): *matanya ~*; 2. turun atau masuk (matahari): *matahari dah ~ apabila ia sampai*;

meruyupkan; ~ *mata* memejamkan (mata).

s huruf yg ke-19 abjad Rumi.

sa I **1.** huruf keempat abjad Arab (mempunyai nilai 500); **2.** huruf keempat abjad Jawi.

sa II Kd mentang-mentang, kerana ... maka ...: ~ *dia kaya, bukan main sombong lagi.*

sa III Kl mencuri.

saadah, saadat Ar **1.** bahagia, kebahagiaan; **2.** yg berbahagia, yg mulia.

saat **1.** masa yg sangat pendek: *se~ duduk, baginda pun berangkat masuk;* **2.** waktu yg panjangnya 1/60 drpd satu minit, detik: *seorang laki-laki berjalan dua meter se~;* **3.** ketika, waktu: *kami menunggu ~ tibanya.*

saba; bersaba sl bercampur, bergaul, berkunjung;

menyaba selalu mendatangi, melawat-lawat.

Sabah negeri di Malaysia yg terletak di timur laut Borneo, keluasan 73 711 km², Kota Kinabalu sbg ibu negeri, Negeri Di Bawah Bayu;

kesabahan bkn sifat kenegerian seseorang yg berasal dr Sabah.

sabak I Mn **1.** muram, suram (muka dll): *menangis berbiji-biji ~;* **2.** redup (hari atau cuaca), mendung;

menyabak menangis.

sabak II **1.** dapur tempat memasak nasi ketika diadakan kenduri: *datanglah orang-orang negeri itu membuat ~, membuat balai,*

berbagai-bagailah permainannya; **2.** dapur tempat memasak nira;

menyabak memasak nira (utk membuat gula).

sabak III digenangi air, sebak.

sabak IV Jw batu utk membuat papan batu.

saban tiap-tiap: *peraduan belia diadakan ~ minggu;*

saban-saban setiap kali, sebentar-sebentar, sekejap-sekejap.

sabang; layar ~ layar kecil pd perahu yg kecil-kecil.

sabar **1.** betah menahan penderitaan (kesakitan, kesusahan, dll): *segala seksaan diterimanya dgn ~*; **2.** tidak terburu-buru, tenang: *ia menanti dgn ~ ketibaan suaminya; ~ itu separuh drpd iman*;

bersabar = ~ *hati* bertenang (fikiran, perasaan, dll), bersifat sabar: *“ceritalah segera,” desak Noor Hamidah seolah-olah tidak dapat hendak ~ lagi*;

menyabarkan **1.** menahan kesusahan (kesedihan, kemarahan, dll) dgn sabar, menenangkan perasaan (fikiran dll): *maka marahlah ia, akan tetapi masih disabarkannya lagi; ~ hati menahan hati (marah dll)*; **2.** menahan orang (lain) drpd marah dll, meredakan perasaan orang yg sedang marah dll, membuat orang bersabar: *Abang Mat ~ ibuku yg di kemuncak kemarahannya*;

tersabar sanggup atau boleh bersabar: *Mak Haji tidak ~ lagi hendak mendengar berita itu*;

kesabaran perihal sabar: *mengajar membaca muzik berkehendakkan ~, ketekunan, dan kepandaian guru*;

penyabar **1.** orang yg sabar; **2.** sabar: *isteri yg ~ itu hampir tidak pernah kering air mata*.

sabasani sl sj tumbuhan yg spt ular rupanya.

sabat I; **menyabat** memukul dgn tali atau cemeti, menyebat; □ →

□ **sebat I**.

Sabat II, Sabbath (hari) Sabtu bagi orang Yahudi.

sabatikal (di universiti-universiti tertentu dsb) tahun (penggal, jangka masa) yg bebas drpd mengajar yg diberikan kpd pensyarah (pengajar) utk tujuan melanjutkan pelajaran, membuat penyelidikan, dsb.

sabayon (ERT) pencuci mulut yg pekat dan manis, yg mengandungi kuning telur, wain putih, gula dan perisa.

sabda bh kata Allah (nabi, raja, orang besar-besar), titah: *maka ~ rasul Allah, adapun namamu Sultan Muhammad;*

bersabda berkata, bertitah: *undang tidak dua kali ~ , lembaga tidak dua kali berkata;*

mensabdakan mengucapkan, menitahkan: *hadis yg disabdakan oleh Rasulullah.*

sabdu tanda utk menyatakan bunyi berangkap (dlm tulisan Arab), tasydid.

sabel I sj mamalia bertubuh kecil yg terdapat di kawasan Artik, mempunyai bulu hitam atau perang gelap yg bernilai tinggi, dan digunakan utk membuat pakaian spt kot dsb, *Martes zibellina.*

sabel II IB pedang.

saben Id □ saban.

sabet Id sabat.

sabi sl sj baju kemeja.

sabil 1. = ~ Allah, *sabilillah, sabilullah* jalan kpd Allah; **2.** = perang ~ perang utk mempertahankan agama Islam, jihad; *mati ~ mati* dlm menunaikan tugas agama (naik haji, perang sabil, dll).

sabit I 1. sj pisau yg melengkung (utk memotong padi, rumput, dll); **2.** (bentuk) melengkung spt sabit; *bulan ~ bulan sehari* (bulan baru);

menyabit memotong (padi, rumput, dll) dgn sabit: *orang tua itu sedang ~ di bendang; ~ kelapa* mengait kelapa dgn sabit;

menyabitkan menyabit utk: *petang itu dia ~ ayahnya rumput* utk lembu ternakan mereka;

penyabit 1. pisau yg digunakan utk menyabit, sabit; **2.** orang yg kerjanya menyabit: ~ rumput.

sabit II Ar sudah tetap (nyata, pasti, sah atau terang) terbukti melakukan sesuatu kesalahan (jenayah dsb): *apabila ~ kesalahannya di sisi*

kadi, maka berhaklah isteri itu menuntut nafkahnya; jika ~ kesalahan, dia akan dipenjarakan;

bersabit berkaitan (dgn), berhubungan (dgn): *segala hal ehwal yg ~ dgn tanah mestilah didaftarkan di dlm buku ini;*

mensabitkan **1.** menentukan dgn pasti berdasarkan bukti (atau membuktikan) bahawa seseorang itu bersalah: *kesalahan itu telah dapat disabitkan;* **2.** mengisytiharkan hukuman bersalah ke atas seseorang setelah didapati terbukti bersalah melakukan sesuatu kesalahan (jenayah dsb): *keterangan saksi pendakwa adalah tidak mencukupi utk ~ semua yg tertuduh;*

sabit (keputusan) hukuman bersalah ke atas seseorang setelah didapati sah atau terbukti melakukan sesuatu kesalahan (jenayah dsb): *anak guamnya juga akan kehilangan jawatan sbg pengarah syarikat berikutan ~ itu; Mahkamah Persekutuan hari ini meminda ~ kesalahan mereka drpd mengedar dadah kpd memiliki sejumlah kecil kanabis.*

sabitah ark bintang tetap.

sabot **IB** **1.** perbuatan memusnahkan harta benda musuh dll (utk mematahkan gerakan mereka); **2.** perbuatan menggagalkan sesuatu usaha dll;

menyabot **1.** memusnahkan barang-barang musuh dll (utk mematahkan usaha mereka); **2.** menggagalkan sesuatu usaha dll;

penyabotan perbuatan menyabot;

penyabot orang yg menyabot.

sabotaj **1.** perbuatan memusnahkan harta benda musuh dll semasa pertelingkahan politik; **2.** perbuatan menggagalkan sesuatu usaha dsb, perbuatan khianat: *syarikat itu terpaksa menghadapi pelbagai ~;*

mensabotaj menggagalkan atau merosakkan aktiviti lawan dll, mengkhianati: *kita harus mengutamakan Bahasa Kebangsaan, dan tidak sebaliknya cuba ~ Bahasa Kebangsaan itu dgn memperkukuh bahasa Inggeris;*

pensabotaj orang (pihak) yg melakukan sabotaj, pengkhianat: *akhirnya kegiatan ~ itu dapat dikesan.*

sabotir IB; **menyabotir** menyabot, mensabotaj.

Sabtu hari ketujuh dlm seminggu, selepas hari Jumaat.

sabugalit mineral yg mengandungi kira-kira 54% uranium.

sabuk ikat pinggang yg dibuat drpd kain (sutera dll), bengkung: *maka diurainya ~nya, diikatkannya pd pinggang Tun Menida sekerat.*

sabun I sj bahan pencuci pakaian (badan dll) yg diperbuat drpd lemak dan soda;

~ basuh sabun yg digunakan utk membasuh (pakaian dll); *~ mandi (wangi)* sabun yg harum baunya utk mandi;

bersabun memakai sabun: *kami mandi tidak ~;*

menyabun 1. mencuci dgn sabun; 2. menjadi spt sabun;

penyabunan (Kim) proses penghasilan sabun drpd lemak melalui pemanasan lemak dgn alkali.

sabun II (warna) putih atau putih kekuning-kuningan;

anjing ~ anjing yg putih bulunya; *orang* ~ orang yg balar kulitnya; *sakit* ~ sakit kencing nanah.

sabun III; *buah* ~ sj tumbuhan (pokok), buah lerak, *Sapindus rarak*.

sabung adu, laga (ayam, lembu, dll): *di gelanggang ~ terlalu gegak gempita sorak tempik sekalian juara;*

~ selepas hari petang, tak dapat menuntut balas lagi prb berserah kpd nasib (untung-untungan); *biar alah ~ asalkan menang sorak* prb biar harta habis asalkan hati puas;

bersabung 1. beradu, berlaga (ayam dll), bertarungan, berlawan; ~ ayam mengadu ayam; *ayam ~ ayam berlaga*; **2.** ki bertarung, berlanggaran (ombak, kilat, petir, dll); *kilat ~ kilat berlanggaran*; *ombak ~ ombak berlanggaran*; **3.** ki bertemu (mata, pandangan): *kedua-duanya tersenyum manakala pandangan mereka ~*; *angin berputar (bersiru) ombak ~ prb perkara yg amat sulit*;

menyabung 1. mengadu, melaga (ayam): *ia asyik dgn ~ dan berjudi saja*; **2.** ki menggadai, mempertaruhkan (nyawa dll): *penghidupan yg berbahaya itu bererti ~ nyawa*; ~ *untung* a) menyerah pd nasib; b) membawa nasib;

sabung-menyabung berlanggar-langgaran, bertempuran (ombak, kilat, dll): *maka berbunyi lah guruh petir, kilat ~*;

menyabungkan melagakan, mengadukan, mempertarungkan: *beta hendak ~ ayam biring nenek itu*;

tersabung 1. selesai diadu, sudah diadu; **2.** tidak sengaja diadu; ~ *akan itik (induk ayam) prb tidak tepat dgn dugaan semula (kecewa)*;

sabungan yg disabung, yg diadu, aduan; *ayam ~ ayam laga*; *spt ayam ~ prb sangat dimanjakan*;

persabungan 1. perihal bersabung, perlagaan, perlawanan; **2.** tempat menyabung, gelanggang;

penyabungan perbuatan menyabung;

penyabung orang yg menyabung: *maka ~ pun terlalu ramai, bunyi sorak orang pun bergemuruh*.

sabur 1. = ~ *limbur* bercampur baur (kerana orang terlalu ramai dll), tidak keruan, haru-biru: *maka di dlm ~ itu disendal oleh kepetangan itu keris Tun Bija Sura*; **2.** = ~ *limbur* tidak begitu terang, samar-samar;

menyabur 1. masuk di celah-celah orang banyak, masuk bercampur dgn orang banyak; 2. menyamar diri di kalangan musuh;

sabur-menyabur kelam-kabut, serbu-menyербу: *maka Yamtuan Muda pun mangkatlah di situ sebab kerana ~ orang beramuk-amuk itu;*

menyaburkan 1. menjadikan kelam-kabut (tidak keruan, berkacau-bilau, dll); 2. menjadikan samar-samar (kabur, tidak terang), menyuramkan.

sabut I kulit yg berserat (kulit nyiur, pinang, dll);

bongkok ~ (orang yg) bongkok spt sabut kelapa (kerana tua dll);
tali ~ tali yg dibuat drpd sabut; *untung* ~ *timbul untung batu tenggelam* prb kalau ada untung baik, diperoleh baik dan begitu juga kebalikannya (untung-untungan).

sabut II; *rumput* ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput buah, rumput cicih, *Daemonorhops hystrix*.

sad (s□Od) 1. huruf ke-14 abjad Arab (mempunyai nilai 90); 2. huruf ke-15 abjad Jawi.

sad Ar ark tembok, alangan.

sadah Mn kapur sirih; *termakan di* ~ prb kesal hati kerana tertipu;
sedah.

sadai; **bersadai** berbaring santai (orang di pantai, buaya di tebing sungai, dll), terletak di tempat yg lebih tinggi (perahu yg tidak dipakai), terdampar;

menyadaikan meletakkan perahu di tempat yg lebih tinggi;

tersadai 1. terbaring belunjur (orang sakit dll): *sudah seminggu ia ~ di atas katil itu, belum ada sesiapa yg datang*; 2. terletak di tempat yg lebih tinggi (perahu), terkandas, terdampar: *tinggallah*

perahu yg dua buah ~ di atas batu; 3. Mn tidak laku (barang-barang jualan, anak dara yg tidak dipinang orang, dll).

sadak I condong (tiang dll), miring, senget.

sadak II 1. Jw sekapur sirih (yg akan dimakan); **2.** Mn kapur sirih, sadah.

sadal IB □ → □ **sadel.**

sadang; *pintu ~-sading* pintu bertirai ke pelaminan.

sadap 1. Kd sj alat yg hulunya lebih panjang drpd hulu sabit, digunakan utk memotong rumput; **2.** = *pisau* ~ pisau pemotong (penoreh dll) utk mengambil air atau getah drpd pokok: *dikeluarkan ~nya, disadapnya anggur itu;*

menyadap 1. mengeluarkan air drpd pokok dgn memotong (menoreh) bahagian-bahagian yg tertentu; ~ *kelapa* mengambil nira dgn memotong mayangnya; **2.** Id mengeluarkan darah dll dr badan (dgn menggunakan pembuluh getah dll);

sadapan sesuatu yg disadap, hasil menyadap: *ia sangat gembira menerima hadiah ~ itu;*

penyadapan perbuatan menyadap;

penyadap 1. orang yg menyadap: *maka ada seorang ~ pergi bermain ke laut;* **2.** alat atau perkakas utk menyadap (spt pisau sadap dll); **3.** Id pembuluh getah utk menampung air kencing.

sadar Ar **1.** dada, depan; **2.** pendahuluan.

sadariah Ar sj baju dalam (pakaian orang Arab).

sadarulkalam Ar pendahuluan (permulaan) cerita.

sadau I; menyadau menjolok sarang lebah.

sadau II ark; **menyadau** mendayung dgn tidak berhenti dgn dayung yg panjang.

sadaya Jw sl semua(nya).

sadel IB tempat duduk pd basikal, pelana.

saderi sj tumbuhan yg daunnya boleh dimakan.

sadik I Ar benar, jujur (hati), lurus;

mensadikkan meluruskan.

sadik II Ar betul, benar: *fajar* ~.

sadin bp pura-pura tidak tahu, acuh tak acuh: *gadis itu buat ~ apabila ditegur*.

sading I; *pintu sedang*-~; □ → □ **sadang**.

sading II Mn sedang.

sadir sj garam ammonia (NH₄Cl) berhablur (digunakan dlm baterai kering dll).

sadis 1. suka atau bersifat menyakiti atau menyiksa orang dr segi fizikal atau mental utk mendapat keseronokan atau kepuasan: *memang ada lelaki ~ yg mendapat kepuasan seks dgn mendera pasangannya; jenaka itu begitu ~ bagi Zura*; **2.** tidak mengenal belas kasihan, kejam: *kelihatan penuh ~, burung hering itu meniat-nyiat mangsanya*; **3.** orang yg suka menyakiti atau menyiksa orang utk mendapat keseronokan atau kepuasan, orang yg melakukan sadisme.

sadisme perlakuan memuaskan nafsu dgn menyakiti (menyiksa) orang lain.

sado Id sj kereta beroda dua (yg ditarik oleh kuda).

sadu I sl terbaik, termulia; ~ *perdana* sangat baik.

sadu II sj tumbuhan (pokok), rambu, *Melia indica*.

sadung; menyadung melanggar (merempuh dll) dgn kaki;

tersadung terlanggar (terempuh) dgn kaki, terhantuk.

sadur lapisan (salutan) logam yg nipis pd logam lain, sepuh;

~ *elektrik* sadur yg dibuat dgn elektrik; ~ *timah* sadur drpd timah; *sbg ~ menimbulkan senam* prb kelihatan keadaan yg sebenarnya;

bersadur bersalut atau berlapis (logam);

menyadur **1.** menyalut (melapis) dgn logam (emas, timah, dll), menyepuh: *kasa dawai dibuat drpd dawai besi yg disadur dgn timah*; **2.** mengarang atau mengolah kembali cerita dll yg isinya diambil drpd cerita lain: *hingga sekarang pun masih ada pengarang yg ~ cerita-cerita drpd bahasa asing*; **3.** mengolah kembali (hasil penyelidikan dll), mengikhtisarkan; *laksana barang yg disadur prb tidak tahan uji*;

saduran **1.** sesuatu yg disadur (emas dll), sepuhan, lapisan (emas dll); **2.** ki cerita yg isinya (pokoknya) diambil drpd cerita lain: *terjemahan berbeza drpd ~*; **3.** hasil pengolahan (drpd penyelidikan dll), ikhtisar;

penyaduran perbuatan menyadur;

penyadur **1.** alat utk menyadur; **2.** orang yg menyadur (meniru dll): *seringkali ~-~ dgn sengaja atau tidak sengaja menyimpang drpd naskhah asalnya*.

saf baris, lapis;

bersaf-saf berderet-deret, berlapis-lapis: *maka segala orang yg duduk di balai semuanya turun berdiri ~*.

safa Ar bersih, putih: *masjid Baitur-Rahman pun disalut oranglah dgn kain putih ~*.

safan Ar; ~-safa habis licin sama sekali, melawas: *dgn sesaat itu juga rimba yg besar itu habis ~-safa spt padang yg maha luas*.

Safar Ar bulan yg kedua dlm tahun Hijrah; *mandi ~ upacara mandi utk menolak bala (pd hari Rabu yg terakhir dlm bulan Safar tetapi sudah tidak diamalkan lagi kerana amalan ini bertentangan dgn hukum Islam)*.

safari ekspedisi utk melihat atau memburu binatang-binatang buas; *taman ~ kawasan tanah yg luas dan berkepung tempat binatang*

buas hidup berkeliaran bebas, dan boleh dikunjungi orang ramai yg menaiki kenderaan dlm kawasan itu.

safi Ar bersih, murni, suci, tulus hati.

safih Ar bodoh, gila, pemboros.

safil, safilin keji (orang dll).

safron koma-koma.

safsaf Ar ark tandus (tanah, padang), tidak bertanaman.

saga I 1. sj tumbuhan (pokok dan bijinya merah bulat-bulat kecil), a) *Adenantha pavonina*; b) *Adenantha bicolor*; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok), jering tupai, *Pithecellobium ellipticum*; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Abrus precatorius*; akar ~ molek sj tumbuhan (pokok memanjat), akar perah bentak, *Lettsomia maingayi*; **2.** penolong timbangan (emas); *spt* ~ di atas talam prb kelakuan yg tidak tetap; *yg merah* ~ *yg kurik kundi* prb yg indah dan yg baik ialah bahasa dan budi, bukannya rupa; *diuji timbang lebih se~* prb perbezaan yg amat kecil.

saga II cerita rakyat (berdasarkan peristiwa sejarah) yg diceritakan turun-temurun dan mengandungi fantasi.

sagai 1. sj ikan laut, cermin, *Caroides armatus*; **2.** sj ikan laut, *Ulua mentalis*.

sagang penyangga utk senapang (tombak dll), sandaran, topang;

menyagang 1. menyandarkan (senapang, tombak, dll) pd sagang;

2. menopang dgn kayu dll yg dipasang condong;

tersagang tersandar pd sagang, tersandar dgn condong (senapang dll).

sagar I ijuk kabung yg boleh dibuat kalam;

bersagar; *anak* ~ Mn anak yg selalu kena sakit, anak yg saudara-saudaranya mati; *orang* ~ Mn orang yg tidak beranak (anakny

selalu mati); *ijuk tidak* ~ prb keluarga yg tidak mempunyai laki-laki yg disegani orang;

menyagar 1. melekatkan dgn sagar; **2.** (menjadi) keras spt sagar.

sagar II ark sakar, gula.

sagat alat utk memarut kelapa, ubi kayu dsb, pamarut.

menyagat memarut (kelapa, ubi, dll);

penyagat sagat.

sage □ → □ **sej.**

saghir Ar kecil atau muda (pangkat).

sagi □ → □ **segi.**

Sagittarius lambang kesembilan dlm zodiak, yg berlambangkan sentora sedang melepaskan anak panah.

sagu I 1. hati batang pokok palma (kabung, rumbia, dll); *jika tak dipecah ruyung di mana boleh mendapat* ~ prb tidak akan tercapai sesuatu maksud jika tidak mahu berusaha; **2.** = *tepung* ~ tepung yg diperbuat drpd pati hati batang rumbia dll; **3.** = *pokok* ~ sj tumbuhan (palma yg pati hatinya boleh dibuat tepung sagu), *Metroxylon spp.*;

~ *belanda (betawi)* sj tumbuhan (palma), *Marantha arundinacea*;

~ *pisang* hati batang pisang; ~ *rendang* (biji-biji) sagu yg kasar; ~

rumbia sagu yg diperbuat drpd pati hati batang rumbia; ~ *tampin*

pati sagu yg diperdagangkan; *akar* ~ *paya* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar urat-urat, bunga petaya, *Dalbergia stercorea*;

menyagu 1. membuat sagu; **2.** bp menganji dgn sagu.

sagu II; ~ *hati* a) wang dll yg diberikan sbg ganti rugi: *kerajaan telah membayar ~ hati kpd tuan-tuan tanah yg membenarkan kerajaan membina jalan raya di atas tanah mereka*; b) ganjaran sbg penghargaan: *selama Din bekerja ini, pernahkah menerima bonus*

atau ~ hati drpd syarikat?; hadiah ~ hati hadiah yg diberikan kpd orang yg tidak menang (sbg penghargaan dlm sukan dll).

saguir Id tuak.

sagun sj makanan (kuih) yg diperbuat drpd tepung beras, kelapa, dan gula (kadang-kadang dicampur telur).

sagun-sagun sagun.

sagur; *perahu* ~ perahu yg diperbuat drpd batang kayu.

sah 1. lulus pd sisi undang-undang (adat, hukum, dll), lwn batal (puasa, sembahyang, dll): *sudah berkali-kali ia meminta menjadi isteri yg ~; sembahyangnya tidak ~ kerana ia tidak bersuci*; **2.** benar, pasti, nyata: *jikalau ~ awan mengandung hujan, habislah basah gerangan nenek; khabar yg ~ khabar yg benar*;

mengesahkan 1. mengakui bahawa sesuatu benar, membenarkan: *beliau ~ ia akan berada di Tokyo selama empat hari; pembuangan kamu telah disahkan oleh ketua pejabat*; **2.** memastikan, menetapkan: *kematian anak dlm kandungan itu dapat disahkan dgn gambar X-ray*; **3.** mengakui (dokumen, cek, perjanjian dsb) sah dgn menurunkan tandatangan dsb: *Presiden Mahkamah Syariah boleh ~ saman itu utk disampaikan kpd pihak berkenaan*;

kesahan perihal sah, sah tidaknya (sesuatu): *negara-negara Islam telah menjadikan persetujuan pihak yg berkahwin sbg syarat ~ sesuatu perkahwinan; ~ perbandingan ini tidak dapat dibuktikan*;

pengesahan perbuatan atau hal mengesahkan: *~ tentang kehilangan itu belum disiarkan lagi*;

pengesah sesuatu (orang dsb) yg mengesahkan sesuatu.

sahabat 1. kawan, teman, taulan: *drpd banyak seteru, lebih baik banyak ~*; **2.** pengikut, murid; *~ nabi pengikut nabi*;

~ *handai* = ~ *kenalan* sahabat-sahabat; ~ *karib* sahabat yg rapat (baik); ~ *kita (beta)* bh tuan (dlm surat raja-raja dahulu); ~ *pena* sahabat menerusi surat sahaja;

bersahabat berkenalan dan berbaik-baik, berkawan (dgn), berteman (dgn): *kita ~ dgn orang yg baik-baik; Australia dan New Zealand merupakan negara-negara yg ~ baik dgn kita;*

bagai ~ dgn ular bisa prb kalau berkawan dgn orang yg jahat, lambat-laun dianiayanya juga kita; *drpd ~ dgn orang yg bodoh, baik berseteru dgn orang berakal* prb tidak berfaedah bersahabat dgn orang yg bodoh;

bersahabatan berbaik-baik antara satu sama lain;

mempersahabatkan memperkenalkan supaya bersahabat, menjadikan bersahabat (orang yg belum berkenalan);

persahabatan perihal bersahabat: ~ *kami sudah menjadi begitu erat sekali.*

sahaja 1. yg satu-satunya, cuma, hanya, melainkan: *tuan ~ yg dapat menolong saya;* 2. selalu (demikian), terus (demikian): *ia mengeluh ~;* 3. juga (demikian), juga (begitu): *muzik sama ~ mustahaknya dgn bahasa atau kesusasteraan;* 4. barang ... pun, sebarang: *apa ~; siapa ~; di mana ~; bila ~;* 5. dgn mudah, dgn senang: *disembeluhnya ~ kijang yg tidak dapat berlari lagi itu;* 6. -lah (sbg anjuran), lebih baik: *makan ~ apa yg ada;* 7. sangat (utk mengeraskan kata sebelumnya), sekali: *mudah ~ mengalahkan orang itu;* 8. sememangnya, memang: ~ *sebenarnya pekerjaan spt titah duli tuanku itu;* 9. sengaja, dgn niat sendiri: ~ *aku mengerjakan umrah dan ihram dengannya kerana Allah Taala;* 10. spt biasa (tidak ditambah-tambah): *dgn mata ~ dapat dilihat bintang itu;* ~ *bahasan* prb sudah menjadi kebiasaan;

bersahaja, bersahaja-sahaja **1.** sederhana (pakaian dll), tidak ditokok tambah (dihiasi dll), tidak secara berlebih-lebihan, biasa: *perayaan yg ~*; **2.** sewajarnya, tidak dibuat-buat (dipaksa-paksakan dsb): *watak-watak kelihatan hidup, bertindak mengikut pengaruh sekitar yg melingkunginya sehingga pertentangan yg ada menjadi ~ dan meyakinkan*; **3.** dlm keadaan kuno, primitif: *mereka itu dapat hidup di tengah-tengah rakyat yg masih ~ dlm hutan*;

kebersahajaan sifat atau keadaan bersahaja: *~nya menyampaikan ceramah itu menarik perhatian pendengar*;

menyahaja sl melakukan sesuatu dgn sengaja: *bukan disahaja sebab akal budak*;

menyahajakan **1.** menyederhanakan, memudahkan; **2.** melakukan dgn sengaja;

kesahajaan perihal sahaja, kesederhanaan;

persahajaan perihal bersahaja; **saja**.

saham modal sah syarikat yg dicarumkan oleh pemilik, syer: *~ syarikat telekomunikasi itu mendapat sambutan yg cukup besar drpd seluruh pelabur*;

~ mewah (Eko) saham bermutu tinggi yg dapat memberikan pulangan dividen yg baik, biasanya saham syarikat yg besar dan terkenal; *pemegang ~* orang yg mempunyai saham sesuatu perniagaan.

sahan sj pinggan besar.

sahang ark lada, merica.

sahap Mn penutup, penudung;

bersahap bertutup, bertudung;

menyahap menutup, menudungi.

sahara Ar padang pasir.

saharah ark sj peti.

sahaya **1.** abdi, hamba; **2.** kata ganti diri pertama, saya.

sahayanda sl yg diperhamba.

sahi I ark lalai.

sahi II ark sj air teh yg harum lagi keras.

sahib Ar **1.** yg empunya; **2.** kawan, sekutu.

Sahibul Fadilah Ar panggilan hormat bagi kadi besar atau orang yg dihormati yg mempunyai kelebihan ilmu agama Islam.

sahibulhikayat Ar yg empunya cerita.

Sahibus Samahah Ar panggilan hormat bagi mufti: ~ *Mufti Selangor*.

sahifah Ar lembaran yg bertulis, muka surat (buku dll), naskhah bertulis, dokumen; **suhuf**.

sahih pasti, benar, sah, dapat diakui (diterima): *rasa-rasa tu kenal juga, tapi tak ~; diterima sbg bukti yg ~;*

mensahihkan mengakui sah, menjadikan sah, memastikan;

kesahihan perihal sah (benar, pasti, sah): *mereka harus bersedia menguji ~ semua rumusan dan pendapat mereka;*

ketidaksahihan perihal atau keadaan tidak sah;

pensahihan perihal mensahihkan sesuatu.

sahir Ar ahli sihir.

sahmura ark sl sj permata.

sahsiah Ar keperibadian, peribadi: *yg utama ialah menuntut ilmu dan melengkapkan proses pembinaan peribadi atau ~ sbg insan yg terpuji.*

sahur berjaga: *makan ~ makan selepas waktu tengah malam sebelum terbit fajar dlm bulan Ramadan (juga dlm bulan lain bagi orang yg hendak berpuasa);*

bersahur makan sahur: *pagi itu saya tidak ~.*

sahut balasan (kpd panggilan atau pertanyaan), jawab: “*Apa, kak?*” ~ *perempuan itu;*

bersahut menjawab, berbalas: *laungan itu tiada juga ~;*

bersahutan, bersahut-sahutan, sahut-menyahut berbalasan, menjawab-jawaban: *bunyi riang-riang rimba ~ dgn bunyi burung hutan;*

menyahut 1. menjawab (panggilan, pertanyaan, dll), membalas: *ia tidak ~ ketika disapa oleh temannya; saya ~ salamnya; 2.* memberi reaksi positif terhadap sesuatu (seruan, cabaran dsb): *kita harus ~ seruan kerajaan itu demi kepentingan generasi kita yg akan datang;*

menyahuti menjawab akan, membalaskan: *maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu;*

sahutan kata-kata utk menyahut, hasil perbuatan menyahut: *~nya kedengaran begitu lemah;*

penyahutan perbuatan menyahut.

sai (sa.i) Ar rukun dlm ibadat haji atau umrah, iaitu berjalan ulang-alik menurut peraturan tertentu dr Safa ke Marwah sebanyak tujuh kali;

bersai mengerjakan sai: *orang yg uzur boleh ~ dgn diusung atau berkereta sorong.*

said lipatan pd pakaian (seluar, baju, dll) yg telah digosok (diseterika);

bersaid ada saidnya: *sekarang dia memakai pakaian yg ~ .*

saidani Ar ark Hassan dan Husain (kedua-dua cucu Nabi Muhammad SAW).

saidi Ar tuanku; *ya ~ ya tuanku.*

saif Ar pedang.

saikad (Bio) tumbuh-tumbuhan tropika yg menyerupai palma, dan mempunyai daun spt paku-pakis.

Sailan Sri Lanka, Ceylon.

sain bp **1.** tandatangan; ~ *terbang* tandatangan tiruan (palsu); **2.** kontrak: *abangnya bercakap tentang rancangannya selepas habis ~nya dgn tentera;*

menyain menurunkan tandatangan, menandatangani.

saing I 1. kawan, sahabat, teman: *Wahilah ~ baik saya;* **2.** bersama-sama (berjalan, bergerak, dll): *angkat gelung yg ~ dgn gelung yg ditinggalkan dahulu;*

bersaing 1. = **bersaing-saing** berjalan (bergerak, dll) beriring-iring, berjalan dgn arah yg sama: *kedua-duanya pergi berdiri ~ di hadapan sebuah cermin besar;* **2.** turut serta (dlm pekerjaan dll), bersama-sama: *berhentilah sebentar, aku hendak ~ berjalan;* **3.** berdampingan: *segeralah ia berangkat ke balai penghadapan, setelah tiba naik duduk bersaing-saing dgn baginda;* **4.** sejajar, selari: *tiap-tiap mata jahitan ~ serong tidak bertentangan;*

bersaingan bersamaan, bergandingan, beriringan: *perindustrian dan pembangunan kampung hendaklah berjalan ~;*

menyaingi 1. mengiringi, menemani: *kami sampai di lorong lain, ramai orang yg ~ kami;* **2.** mengikuti, menyertai: *perubahan drpd pepejal kpd cecair dan gas disaingi oleh kesan-kesan haba yg penting.*

saing II banding, imbang, tanding: *gadis yg hemat selalu mendalihkan lamaran orang yg bukan ~nya dgn pelbagai helah;*

sesaing Mn sebanding, sepadan, setanding;

bersaing, bersaingan atas-mengatasi, dahulu-mendahului, berlawanan berlumba-lumba: *orang-orang Melayu telah bergerak hendak bangkit ~ dgn bangsa-bangsa yg maju;*

menyaingi menandingi, melawan (atas-mengatasi dll): *spt anak dagang yg serba miskin cuba-cuba ~ orang terkenal;*

saingan pertandingan, lawan: *Rusia dan China Komunis tidak lagi mendapat ~ dr Amerika Syarikat dlm memberi bantuan ekonomi kpd Yaman;*

persaingan perihal bersaing, perlawanan (utk atas-mengatasi), pertandingan: *getah asli sekarang ini sedang menghadapi ~ yg kuat drpd getah tiruan;*

pesaing orang (pihak dll) yg bersaing(an): *dlm era tersebut syarikat perfileman Amerika telah menguasai hampir keseluruhan pasaran dunia dan berjaya menangkis ~ lain.*

saing III Mn taring;

saing-mensaing gigit-menggigit.

sains 1. ilmu pengetahuan yg teratur (sistematik) yg boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya; **2.** cabang ilmu pengetahuan yg berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata (fizik, kimia, biologi, dll).

saintifik bkn sesuatu yg dilakukan menurut kaedah atau prinsip sains;

kesaintifikan keadaan saintifik: *~ sejarah hanyalah dlm aspek penyelidikan dan pengamatan bukti sahaja.*

saintis ahli sains.

sair I Ar → □ **syair**.

sair II Ar api neraka, neraka yg kelima.

sais pemandu, pengemudi; *~ pedati* pengemudi pedati; *~ mobil* Id ark drebar;

menyais memandu, mengemudi.

sait □ → □ **sayat I**.

saiz besarnya (kasut, baju, dll), ukuran besar (sesuatu);

bersaiz dgn saiz: *dua keping gambar ~ poskad.*

saja □ bp □ sahaja.

sajak I 1. persamaan bunyi pd suku kata (dlm syair, pantun, dll): *~nya janggal, banyak yg tidak kena*; **2.** = **sanjak** ark puisi moden (berbeza drpd pantun atau syair) yg digubah dlm bahasa yg indah utk menyatakan fikiran (perasaan, pengalaman, dsb); *~ kabur* sajak yg tidak jelas maksud atau maknanya; **3.** ark irama (lagu): *~ tarinya*;

bersajak 1. bersesuaian bunyi suku kata (dlm pantun, syair, dll): *kata lengang ~ dgn kata awang*; **2.** berbentuk sajak (pantun, syair, dll): *cerita ~*; **3.** menyajak: *sejak mula ~ dulu, sajaknya panjang-panjang*; **4.** mengungkapkan atau mendeklamasikan sajak: *dlm majlis itu, ada yg berpantun, ~ atau bersyair*;

menyajak mengarang (menggubah) sajak: *pengalaman ~*;

menyajakkan 1. menjadikan bersajak (karangan), menyesuaikan bunyi: *kedua-dua rangkap itu dipilih utk ~ bunyi pepatah itu*; **2.** mengarang dlm bentuk sajak;

persajakan perihal bersajak (menyajak), hal-hal yg berkaitan dgn sajak: *dia juga terkenal dlm bidang ~*; *ia membicarakan ~ Islam benar-benar secara teoretis*;

penyajak orang yg mengarang sajak, pengarang sajak, penyair: *seorang ~ menggunakan bunga-bunga bahasa utk mengindahkan sajaknya*.

sajak II segak (orang), bergaya, tampan (laki-laki), padan atau cocok: *sangat tampan Wan Derus dgn pakaian itu, nampak benar ~ Wan Derus sbg seorang panglima; manis sikap dan ~*;

bersajak ark padan, sesuai, cocok: *mendapat isteri yg ~*;

menyajak menghias (memakai dll) supaya kelihatan sajak: *Norman seorang pemuda Melayu yg sajak dan lawa, payah ditandingi dlm ~ badan*;

penyajak orang yg suka menyajak (supaya kelihatan sajak).

sajang sl sj minuman keras, arak.

sajen (sajén) Jw makanan dll yg dijamukan kpd hantu (orang halus dll), semahan.

saji makanan yg telah dihidangkan (sedia utk dimakan): *dibubuhnya ~ dan dipasangkan setinggi; tudung ~* penutup hidangan;

bersaji sl menghidangkan makanan, menyediakan (mengatur) makanan: *maka Bendahara menyuruh ~ nasi akan memberi makan segala orang banyak itu;*

menyajikan **1.** menghidangkan makanan: *Mak Andeh masih sibuk ~ hidangan;* **2.** ki memberikan (karangan, hiburan, dll), mempersembahkan, mengetengahkan: *di samping cerpen-cerpen asli, disajikan juga cerpen-cerpen terjemahan;*

tersaji sedia disajikan, telah disajikan: *mi yg ~ itu pun disudunya dgn penuh selera; ini jelas terlihat pd sejumlah besar karya cerpen yg ~ dlm antologi ini;*

sajian **1.** sesuatu yg disajikan, hidangan makanan; **2.** persembahan (cerita dll);

persajian perihal bersaji: *upacara ~ korban;*

penyajian **1.** perihal (perbuatan dsb) menyajikan; **2.** (ERT) perkhidmatan membekalkan dan menyajikan makanan utk sesuatu majlis;

penyaji orang yg menyajikan makanan dsb.

sajid Ar orang yg sujud.

sajidun Ar (jamak bagi sajid) mereka yg sujud.

sak IB **1.** poket, saku; **2.** karung, sumpit.

saka I pusaka.

saka II **1.** leluhur drpd sebelah emak; ~ *baka* leluhur drpd kedua-dua belah pihak (ibu dan bapa); **2.** pangkat yg turun-temurun.

saka III tidak subur lagi (tanah), usang: *padi tidak berapa jadi, tanahnya pun sudah ~*.

saka IV Jw 1. tiang seri (pd rumah), tiang ibu rumah; **2.** ki penegak atau pengukuh (negara dll).

saka V (Tani) jenis tumbuhan (kunyit dll) yg hidup semusim atau setahun sahaja.

sakai 1. nama yg dipakai utk orang asli (pd umumnya); **2.** nama utk suatu kaum drpd orang asli, Senoi; *penghulu ~* ketua orang sakai, tok batin; **3.** orang suruhan, hamba, pengikut: *maka segala ~ biduanda di perahu itu pun habis terjun*.

sakal I; *angin ~* angin yg bertiup dr haluan perahu.

sakal II pukul, bantai; *kena ~* kena pukul; *samun ~* menyamun serta menganiaya;

menyakal memukul, membantai: *aku mesti sakal kepala engkau kali ini*.

sakan Kd, Kl, Tr **1.** banyak (barang dll); **2.** teruk (penyakit), berat; **3.** lebat (hujan).

sakar I gula: *nasi segantang, susu searai, dan ~ secupak*.

sakar II □ → □ **sakal II**.

sakar III → **saqar**.

sakarut = **sakarutulmaut** Ar kesengsaraan yg dialami ketika menghadapi maut.

sakarida (Bio) karbohidrat yg larut dlm air, berhablur, berasa manis, yg terdapat dlm tisu hidup, mis glukosa dan sukrosa.

sakarín serbuk hablur putih, rasanya manis, digunakan sbg pengganti gula.

sakat I sj tumbuhan (pokok menumpang), bendalu, pasilan;

~ batu sj tumbuhan (paku pakis), *Cyclophorus adnascens*; *~ bunga* sj tumbuhan (pokok menumpang), *Agrostophyllum*

glumaceum; ~ *hitam* sj tumbuhan (paku pakis), paku wangi; ~ *sarang langsuir* sj tumbuhan (paku pakis), *Cyclophorus spp.*; ~ *tanduk rusa* sj tumbuhan (paku pakis), *Platycterium spp.*

sakat II; menyakat mengusik (supaya jadi takut, menangis, dll), mengganggu: *dulu suka juga saya ~ adik saya.*

sakat III; menyakatkan meletakkan di tanah (perahu dll), mendamparkan;

tersakat terletak di tempat yg tinggi (perahu dll), terdampar.

sakat IV Kl, Tr batas, had.

sakat V; *suku-*~ kaum kerabat.

sake (saké) (Jepun) sj arak yg diperbuat drpd beras.

sakhawat Ar kemurahan hati: *dialah raja yg tinggi hematnya, dan amat sangat pemurahnya dan ~nya.*

sakhi Ar dermawan, murah hati.

sakhlát sj kain yg diperbuat drpd bulu domba (biri-biri dll); *spt ~ bermuka dua* prb (orang yg) menduakan hati, tidak jujur.

sakhrat Ar batu (terutama yg terdapat di Baitulmuqaddis).

sakhsi Ar → **syakhsi.**

saki I sl kawan, teman.

saki II; *~-baki* (segala) sisa.

saki III (Parsi) pelayan minuman.

sakin bp semakin.

sakinat Ar aman, damai, tempat yg aman dan damai.

saking Jk **1.** oleh sebab, kerana: *dia diam ~ bingungnya*; **2.** sebab sangat: *~ sengitnya tidak seorang pun berani masuk.*

sakit 1. menderita sesuatu (spt demam, pening, dll) yg menyebabkan seluruh tubuh atau sesuatu bahagiannya tidak segar, (berada dlm keadaan) tidak sihat, uzur: *tekaknya ~; adikku ~*; **2.** ki menderita

kesusahan (kesengsaraan, kesedihan, dll), sedih: *kalau engkau terlalu boros begini alamat ~lah hidup engkau nanti;*

~ *akal* gila; ~ *angau* rindu akan kekasih (bkn orang dlm percintaan); ~ *angin pasang-pasang* sj sakit angin pasang-pasang yg menyebabkan buah zakar laki-laki bengkak; ~ *angin selenyap* sj sakit angin pasang-pasang yg menyebabkan kemaluan laki-laki tidak nampak; ~ *angin taufan* = ~ (maha)raja singa penyakit yg berpunca drpd perhubungan seks (perhubungan kelamin) secara liar, sifilis; ~ *asabat* sakit pd urat saraf; ~ *baka* beguk; ~ *berat* = ~ *lasat* = ~ *payah* sakit yg teruk; ~ *fikiran* = ~ *ingatan* = ~ *otak* gila; ~ *gajah* = ~ *gajah-gajahan* elephantiasis, untut; ~ *hati* berasa sangat tersinggung dan marah (kerana dihina dll); ~ *jantung* apa sahaja penyakit yg ada kaitan dgn jantung; ~ *jiwa* a) sakit mental; b) bp tidak tenteram fikiran kerana ada unsur-unsur yg menekan jiwa; ~ *kepala* pening kepala; ~ *kuning* sakit yg menyebabkan tubuh menjadi kuning; ~ *mental* tidak siuman fikirannya, sakit otak, gila; ~ *menimpa sesal terlambat* prb perbuatan yg terlanjur dan tidak dapat diubah lagi; ~ *perut, baharu tahu di liang lantai* prb sesudah mendapat kesusahan baru teringat akan yg perlu; ~ *sama mengaduh, luka sama menyiuik* prb sama-sama bertanggungjawab; *apa boleh buat, biar* ~ *dahulu senang kemudian* prb biarlah bersusah-susah dahulu asalkan senang kemudiannya; *lain ~, lain diubat, lain luka, lain dibebat* prb jawab yg bersalahan dgn soalan (lain yg diminta, lain yg diberikan); *tiada ~ makan ubat* prb menyusahkan diri sendiri;

bersakit, bersakit-sakit 1. berusaha benar-benar (utk memperoleh sesuatu), bersusah payah: *tidak akan dapat mencapai sesuatu dgn tidak ~;* 2. selalu sakit: *sudah beberapa lama dia ~ sahaja;* 3.

menderita kesusahan (kesukaran, kesulitan, dll): *bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian;*

menyakit mendatangkan sakit (sengsara, sedih dll): *segala maki hamun tidak ~ padanya;*

menyakiti **1.** menyebabkan berasa sakit (sengsara, sedih, pilu, dll): *janganlah kamu suka mengganggu dan ~ orang lain; aku tidak sanggup ~ hatimu;* **2.** ark sakit ketika melahirkan anak: *ketika itu bininya sedang ~;*

menyakitkan menjadikan sakit (susah, risau, sedih, tidak senang, dll), menyebabkan berasa sakit: *hulu kikir yg bujur atau runcing boleh ~ tangan ketika menggunakannya;*

~ hati menyebabkan (seseorang) berasa sangat tersinggung dan marah (kerana telah dihina dsb): *Zarina ketawa seolah-olah mengejeknya, ini ~ hatinya;* *~ mata* merupakan sesuatu yg sangat buruk, tidak menyenangkan sesiapa yg melihatnya;

kesakitan **1.** perihal sakit, menderita sakit (susah dll): *raja itu pun terlentang selaku orang ~ sangat;* **2.** sengsara, kesusahan hidup;

penyakitan, berpenyakitan selalu sakit-sakit, selalu menghidap penyakit, sentiasa dihinggapi penyakit: *anak yg berpenyakitan dan tidak cerdas dan cerdik;*

penyakit **1.** sesuatu yg menyebabkan badan menjadi sakit (atau yg mengganggu kesihatan): *dia sudah sihat drpd ~ lelah;* *~ berjangkit* penyakit yg mudah berjangkit (spt kurap, malaria, dll); *~ kelamin* penyakit berjangkit yg lazimnya tersebar melalui hubungan seks; *~ mental* (Ubat) gangguan mental; *~ organik* (Ubat) penyakit yg melibatkan perubahan struktur tubuh; *~ sosial* amalan atau perlakuan yg tidak baik yg berlaku dlm masyarakat, mis penagihan dadah dan tabiat melepak; *~ tidur* (Ubat) penyakit yg ditularkan kpd manusia melalui gigitan lalat tsetse

(terutamanya di Afrika), dan dicirikan dgn demam yg berulang, pening, mengantuk, dan bengkak pd bahagian tertentu tubuh; **2.** ki sesuatu yg menyebabkan keburukan, kepincangan hidup dll yg merebak (spt pelacuran, rasuah, dll), sesuatu yg menyusahkan: *pengangguran menjadi ~ dlm negeri itu; ~ sosial* amalan atau perlakuan yg tidak baik yg berlaku dlm masyarakat; **3.** ki, Id bangsat, sial (makian);

berpenyakit menghidap penyakit, selalu menghidap sesuatu penyakit;

pesakitan Id **1.** orang yg didakwa (dlm mahkamah): *polis telah menyilakan ~ masuk menerima hukumannya*; **2.** orang tahanan;

pesakit orang yg sakit, si sakit;

~ dalam pesakit yg dimasukkan ke dlm wad utk menjalani rawatan penyakitnya; *~ luar* pesakit yg hanya menerima rawatan di hospital atau klinik tetapi tidak dimasukkan ke dlm wad.

sakral (Ant) berkaitan dgn atau utk upacara suci: *unsur ~ atau magis akan menyentuh jiwa atau semangat pendukungnya; kita harus melihat bagaimana orang Barat menggunakan transformasi bahasa seni bina ~ kpd seni bina lain di negaranya.*

saksama **1.** cermat, hati-hati, hemat-hemat, teliti: *menjatuhkan hukuman dgn ~*; **2.** tidak berat sebelah, tidak menaruh prasangka, adil: *inilah raja yg adil lagi ~ pd zaman itu; mereka hendaklah menjalankan pekerjaan mengikut undang-undang syarikat dgn adil, ~, timbang rasa, dan dgn tidak berperasaan pilih kasih*; **3.** berpatutan, munasabah: *sebilangan drpd majikan enggan membayar upah yg ~*;

kesaksamaan perihal saksama (teliti, adil, dll), sifat saksama: *~, kejujuran, kewibawaan, dan kemampuan seseorang hakim.*

saksi orang yg mengetahui atau melihat sesuatu peristiwa (dan boleh memberi keterangan): *siapa ~nya dlm perbicaraan tadi?*; *ada ~ku yg kauambil barang itu*; ~ *ahli* Id saksi yg dipilih kerana keahliannya; ~ *alibi* Id saksi yg tidak melihat sesuatu peristiwa; ~ *dusta* Id = ~ *palsu* saksi yg diada-adakan (tidak benar);

bersaksi **1.** mempunyai saksi, ada saksi: *perbicaraan itu dibatalkan kerana tidak ~*; **2.** menjadikan sbg saksi; ~ *ke lutut* prb a) menjadikan sanak saudara sbg saksi; b) meminta pengadilan kpd orang yg bodoh;

bersaksikan mempunyai seseorang sbg saksi: *pernikahan itu ~ dua orang saksi lelaki yg memenuhi syarat sbg saksi*;

menyaksikan **1.** melihat (menghadiri dll) sbg saksi, melihat (menghadiri dll) sendiri: *mereka berkahwin dgn disaksikan oleh ibu bapa mereka*; **2.** melihat (sendiri): *orang yg datang utk ~ permainan itu makin bertambah*; *konsep inilah yg telah diterapkan, dan akibatnya*

masih dapat disaksikan hingga ke masa kini;

mempersaksikan **1.** memperlihatkan sbg bukti, membuktikan: *dia ingin ~ kebolehannya kpd rakan-rakannya*; **2.** memperlihatkan kpd orang lain supaya menjadi saksi;

kesaksian keterangan yg diberikan oleh orang yg melihat (mengetahui dll), bukti, kenyataan: *sekiranya seseorang drpd saksi-saksi itu bertelingkah, maka ~ itu tidaklah sah*;

penyaksian perbuatan menyaksikan;

penyaksi; ~ *mata* orang yg melihat sendiri.

saksofon sj alat muzik yg ditiup dan digunakan terutamanya dlm muzik jaz.

saktah Ar tempat menghentikan bacaan (dlm al-Quran) seketika tanpa menarik nafas, kemudian menyambung semula bacaan dgn nafas yg sama.

sakti 1. = **kesaktian** kuasa yg di luar kemampuan manusia dll biasa (kebal dll): *masing-masing pun mencita ~nya pula lalu menjadi naga*; **2.** menaruh hikmat, mempunyai kuasa ghaib, bertuah, keramat: *keris yg ~*;

menyaktikan 1. menjadikan sakti; **2.** melakukan sesuatu dgn sakti;

kesaktian, kesakti ark sakti: *mereka mempunyai sifat-sifat ~ yg tidak dapat ditandingi lagi.*

saku I kocek (pd baju, seluar, dll), kantung; *anak ~ kocek kecil; kamus ~ kamus yg dapat dimasukkan ke dlm saku*;

menyakukan memasukkan ke dlm kocek (saku).

saku II Id ark; **menyakukan** mengasingkan;

tersaku terasing.

sakulus (Bio) struktur berbentuk kantung kecil bermembran yg membentuk sebahagian telinga dalam.

sakur; *buah ~ sj tumbuhan (pokok), nasi dingin, Xerospermum spp.*

sakura sj bunga berwarna merah jambu atau putih yg mekar pd awal musim panas di Jepun.

sal I 1. sj selendang (pembalut leher); **2.** ark kain serban.

sal II Id, bp ruang (dlm rumah sakit, asrama, dll).

sala sj tumbuhan (pokok), *Eurya japonica*.

salad 1. sj tumbuhan (herba yg dibuat sayur), *Lactuca sativa*; **2.** sj makanan yg diperbuat drpd sayur-sayuran mentah (spt salad, timun, tomato, dsb), selada; **3.** = ~ *buah-buahan* campuran buah-buahan yg dipotong-potong dan disejukkan.

salaf Ar generasi sahabat Nabi Muhammad SAW, tabiin dan tabi tabiin; *ulamak* ~ satu drpd dua golongan Ahli Sunah Waljamaah yg hidup 300 tahun selepas Hijrah.

salafiah Ar mereka yg termasuk dlm golongan salaf.

salah I 1. tidak benar, tidak betul: *dia boleh membezakan antara yg ~ dan yg benar; jawaban kamu ~*; 2. tidak tepat (sasaran, maksud, dll), tidak kena: *kakinya terkehel kerana ~ menendang bola*; 3. tidak baik, tidak layak, tidak patut, cacat, cela: *Kolonel Farquhar itu pergi ke Siak meminta tempat hendak membuat negeri di Tanjung Jati, akan tetapi ~nya di sana apabila musim utara terlalu amat besar ombaknya; ~ sedikit baginda tidak berputera sayang sedikit baginda tidak berputera*; 4. perbuatan yg menyalahi hukum (aturan dll), perbuatan yg tidak patut (layak): *itu ~nya sendiri*; 5. = **bersalah** berbuat sesuatu yg menyalahi hukum (aturan dll), berbuat sesuatu yg tidak patut (tidak layak): *lain yg ~, lain yg diseksa; dia didapati ~ kerana bersubahat dgn musuh-musuh negara*;

~ *adat* tidak mengikut adat, melanggar adat; ~ *agak* = ~ *duga* = ~ *kira* = ~ *sangka* tidak betul telahannya; ~ *ambil* silap mengambil; ~ *ambilan* silap mengerti; ~ *anggapan* keliru; ~ *angkuh* Mn tidak patut pd pandangan orang; ~ *asuhan* tidak elok didikannya; ~ (*sesat*) *air* salah didikan (sukar utk diajar); ~ *bantal* berasa sakit pd tengkuk atau leher selepas bangun drpd tidur; ~ *bawa* tidak betul caranya mengamalkan sesuatu ajaran dsb; ~ *bebal* salah dan bebal, kesilapan dan kekeliruan kerana kebodohan; ~ *benang* Mn a) silap menenun sesuatu; b) sakit (badan); ~ *besar* kesilapan yg sangat besar; ~ *cakap* kesilapan ketika bercakap (menyebabkan orang lain sakit hati dll); ~ *cerna* sakit kerana tidak hadamnya makanan; ~ *cetak* kesilapan (yg dilakukan) pd waktu mencetak,

ralat; ~ *dengar* tidak mendengar mesej, berita dsb dgn betul; ~ *dorong* terlanjur perbuatan; ~ *duga* silap menduga; ~ *eja(an)* silap mengeja; ~ *faham* tidak mengerti hal yg sebenarnya (silap mengerti); ~ *gamak* salah agak; ~ *hati* susah (sakit, mendongkol, dll) hati; ~ *jalan* tersesat; ~ *kain* terselak kain (sehingga mendedahkan kemaluan atau pangkal paha); ~ *kata* tidak betul perkataannya; ~ *kena* tidak kena pd tempatnya; ~ *kira* salah sangka, marah kerana salah mengerti; ~ *laku* kelakuan yg dianggap tidak bermoral atau tidak beretika: *masalah ~ laku di kalangan pelajar yg merokok, menagih dadah, mencuri dan bergaduh; politik wang merupakan suatu kegiatan ~ yg serius yg boleh merosakkan perjuangan parti*; ~ *langkah* a) silap melangkah; b) mendapat bencana dlm perjalanan kerana sial, sial; c) silap (tidak dgn sepatutnya) memulakan sesuatu; d) buruk perbuatan (maksud); ~ *lihat* = ~ *mata* = ~ *pandang* a) keliru pelihatan; b) melihat dgn maksud buruk; ~ *mengerti* salah tafsir; ~ *mulut* terlajak kata, terlepas cakap; ~ *orang* a) bukan orang yg dimaksudkan (kerana silap pandangan dll); b) bukan orang yg dapat dipermain-mainkan orang lain; ~ *paduk* tidak sepadan (pasangan suami isteri dll); ~ *pakai* silap memakai; ~ *pandang* menyangka orang yg dilihat sbg orang yg dikenali (sebenarnya tidak demikian); ~ *periksa* a) silap memeriksa; b) berbuat sesuatu yg tidak layak; ~ *piantan* bukan waktunya; ~ *pilih* tersilap memilih; ~ *raba* a) tersilap meraba; b) tuduhan (dakwaan) yg tidak tepat; ~ *rasa* a) perasaan yg tidak menyenangkan (buruk), berfirasat buruk; b) tidak senang hati; c) tidak tepat sangkaannya; ~ *rupa (roman)* Mn tidak layak pd pandangan orang; ~ *sedikit* a) berbeza sedikit; b) = ~*nya sedikit* sayang sedikit; ~ *sangka* tidak tepat sangkaannya, menyangka yg tidak benar; ~ *semat* salah

faham; ~ *sendi* tergeliat, terseliuh; ~-*silih* bermacam-macam kesilapan; ~ *tampa* salah faham; ~ *tanggap* salah mengerti, salah memahami (sesuatu); ~ *tangkap* a) silap menangkap sesuatu atau seseorang; b) salah faham, salah mengerti; ~ *tebak* = ~ *teka* tidak benar telahan; ~ *terima* a) salah faham, salah mengerti; b) berasa marah kpd; ~ *timbang* a) silap menimbang; b) berat sebelah (menjatuhkan hukuman dll); ~ *tingkah* tidak senonoh (tingkah laku), kurang sopan; ~ *tubruk* bp salah pegang; ~ *urat* terseliuh, tergeliat; ~ *wisel* Id, bp salah faham;

~ *bunuh memberi balas*, ~ *cencang memberi pampas* = ~ *cencang memberi pampas*, ~ *bunuh membangun* = ~ *cotok berkudung paruh*, ~ *telan belah perut* prb kesalahan mestilah dihukum menurut kadarnya (menurut adat yg telah ditetapkan); ~ *makan memuntahkan*, ~ *tarik mengembalikan*, ~ *langkah surut kembali* prb kesilapan dlm sesuatu pekerjaan hendaklah dibaiki segera; *jika* ~ *sebatang dicabut*, ~ *serumpun dibongkar*, ~ *separak dirambah* prb hukuman haruslah dijatuhkan setimpal dgn kesalahan; *berani kerana benar*, *takut kerana* ~ prb bertindak kerana berada pd pihak yg benar;

salah-salah **1.** walaupun (sungguhpun, meskipun) salah: ~ *dibebaskan juga*; **2.** jika tidak bernasib baik, jangan-jangan: ~ *bersikap, takut akan tertuduh pula*;

bersalah **1.** melakukan sesuatu yg salah (spt melanggar hukum dsb): *jika aku yg ~, aku minta ampun*; *mereka menjatuhkan hukuman bunuh ke atas orang yg ~*; **2.** ada salahnya, mempunyai salah: *sesiapa yg ~ lima, tidak akan lulus*;

bersalahan **1.** berbeza drpd, berlainan: *tempat itu sungguh baik, tiada ~ spt berita orang itu*; **2.** = **bersalah-salahan** bertentangan, tidak sesuai, tidak bersefahaman, berbantah: *jangan kamu beri*

bercerai dan ~ ia dua bersaudara ini; menghukum seseorang tanpa bukti yg nyata adalah ~ dgn hukum Allah; 3. Mn kurang sihat (badan);

kebersalahan perihal (rasa, sikap dsb) bersalah: *kadang-kadang dlm penyaringan ini semacam terjadi ~;*

menyalah **1.** menyimpang (halanya), menyeleweng; **2.** tidak mengikut peraturan (undang-undang dll); **3.** mengelak (tikaman dll), menangkis: *Raja Ngah pun memejamkan matanya lalu menerkam, disalah oleh Bedurai; 4. Mn kurang sihat (badan);*

menyalahi **1.** tidak mematuhi peraturan (undang-undang dsb), bersalahan dgn: *adinda tiada mahu menyerangi tempat orang, ~ adat; unsur-unsur luar ini telah banyak ~ hukum morfologi; 2.* tidak menyetujui, membantah, menentang: *Pateh itu orang besar, siapa dapat akan ~ katanya; 3.* tidak menepati (janji dll);

menyalahkan **1.** menganggap salah: *aku tidak mahu ~ sesiapa, baik pun engkau; 2.* menangkis (tikaman, pukulan, dll), mengelakkan: *ia pun melompat ~ tikaman orang itu; 3.* menyangkal (tuduhan dll), tidak mengakui;

mempersalahkan menimpakan kesalahan kpd, menyatakan (seseorang dsb) bersalah: *Kamallah yg harus dipersalahkan;*

tersalah **1.** tidak sengaja membuat salah, tersilap: *jikalau ada apa-apa yg ~ dan tersilap, saya pohonkan berbanyak maaf; menurutnya, penulis menggunakan kata-kata demikian kerana mereka ~ tafsir erti penggunaan bahasa dlm sastera; 2.* tidak tepat; **3.** tertuduh (melakukan kesalahan dll), disalahkan;

ketersalahan perihal (atau keadaan) tersalah: *~ ini akan membunuh seluruh generasi akan datang;*

kesalahan 1. perihal salah (perbuatan salah, kesilapan): *lebih baik saudara mengaku sahaja ~ yg telah dilakukan itu*; **2.** dipersalahkan, dianggap salah, mendapat salah;

pesalah orang yg didapati bersalah (kerana melanggar hukum dsb).

salah II; ~ *satu (sebuah, seorang)* satu antara dua atau banyak (buah, orang, dll); ~ *suatu* = ~ *sesuatu* a) segala sesuatu; b) suatu antara semuanya.

salah III; ~ *nama* sj tumbuhan (pokok), puki anjing, *Cynometra cauliflora*;

akar ~ *hutan* sj tumbuhan (akar memanjat), akar larak, *Fissistigma fulgens*; *rumpun* ~ *pemakai* sj tumbuhan (rumpai), rumput janggut kuau, *Fimbristylis aestivalis*.

salah ajar; menyalahajarkan mengajarkan sesuatu yg salah (tidak betul): *yg lebih malang lagi ialah bahasa Melayu disalahajarkan oleh pihak yg tidak benar-benar mengetahui dan menguasai tatabahasa bahasa Melayu.*

salah faham tidak mengerti hal yg sebenarnya (silap mengerti);

menyalahfahamkan memberi pengertian yg salah, salah mengertikan sesuatu, menyalahertikan: *pihak-pihak yg tertentu telah ~ pengumuman itu.*

salah guna tidak menggunakan sesuatu (spt kuasa dll) sebagaimana yg sepatutnya; ~ *kuasa* menggunakan kuasa dgn cara yg bertentangan dgn undang-undang;

menyalahgunakan menggunakan sesuatu tidak spt yg sepatutnya (dgn cara dll yg salah, tidak betul dll): *kepercayaan yg diberikan kepadanya telah disalahgunakan*; ~ *kuasa*;

penyalahgunaan perihal (perbuatan dsb) menyalahgunakan (sesuatu): ~ *dadah*; ~ *kuasa*; ~ *tenaga dan kepakaran.*

salah tafsir tidak betul atau silap tafsirannya, salah mengerti;

menyalahtafsirkan memberikan atau membuat tafsiran yg salah, salah mentafsir: *kebanyakan orang cenderung ~ kebudayaan sbg kesenian dan adat resam;*

penyalahtafsiran perihal (perbuatan dsb) menyalahtafsirkan: ~ *dlm hal agama Islam tidak sewajarnya berlaku.*

salai; *ikan* ~ ikan yg dikeringkan (diasapi, dipanggang) di atas api; *pisang* ~ pisang yg dikeringkan (diasapi, dipanggang) di atas api;

bersalai 1. sedang dikeringkan (diasapi, dipanggang) di atas api; **2.** duduk di atas tempat yg agak tinggi dan di bawahnya terdapat bara utk memanaskan badan (terutamanya bagi perempuan yg baru bersalin): *amalan ~ utk menghangatkan badan dan mempercepat berkurangnya darah nifas dan mengecutkan rahim secara perlahan-lahan telah hampir lenyap; bergantung tidak bertali, ~ tidak berapi* prb perempuan yg mengandung di luar nikah;

menyalai 1. mengeringkan (mengasapi, memanggang) di atas api: *ibunya sedang ~ daging tupai; getah itu dikerjakan terus sehingga lahirlah getah yg berkeping-keping dan disalai di rumah asap;* **2.** memanaskan badan dekat api (bagi perempuan yg baru bersalin); **3.** memasang lampu (damar dll): *kemudian dian pula yg disalai;*

tersalai (sedang) dikeringkan atau (diasapi) di atas api: *ribuan keping getah yg ~ di situ;*

salaian 1. penyalai; **2.** sesuatu yg disalai (diasapi) di atas api, hasil menyalai (mengasapi) di atas api;

penyalaian perbuatan (kerja, proses) menyalai sesuatu (getah, daging, dll);

penyalai perkakas (para-para dsb) yg digunakan utk menyalai: *dinyalakan apinya, dan ikan itu pun diaturnya di atas ~.*

salajur Br (dgn) serta-merta, langsung: *saya akan ~ menonton orang bermain bola selepas kerja.*

salak I bunyi (suara) anjing yg kuat: *~ anjing bersahut-sahatan di kiri kanan rumah;*

menyalak 1. berbunyi dgn keras (anjing), menggonggong: *seekor anjing akan ~ kalau ada musuh mendekatinya; 2.* menggonggong kpd: *anjing itu ~ pencuri; 3.* Mn tidak henti-henti meminta, merenggek, merengek;

anjing ~, bukit takkan runtuh prb tidak akan rosak kebaikan seseorang jika dicela oleh orang yg jahat; *spt disalak anjing bertuah* prb tidak dapat ditolak (ditangguh) lagi;

salakan salak.

salak II sj tumbuhan (palma), *Zalacca edulis;*

~ hutan sj tumbuhan (palma), a) *Zalacca affinis;* b) *Zalacca conferta;* c) *Zalacca glabrescens;* *~ kumbar = ~ ringan* sj tumbuhan (palma), *Zalacca wallichiana;* *tinggal kelopak ~* prb habis harta bendanya (tinggal yg ada di badan sahaja).

salam I 1. sejahtera (dlm kata majmuk), damai; **2.** (pemberian) hormat, (penyataan) hormat: *baginda duduk di atas kuda, melambai-lambai membalas ~ rakyat baginda;*

~ takzim salam dan hormat; *berjabat ~* berjabat tangan; *memberi ~* mengucapkan kata hormat (spt assalamualaikum dsb);

bersalam berjabat tangan: *ia telah dikerumuni oleh orang-orang yg ingin ~ dengannya;*

bersalaman, bersalam-salaman saling bertukar salam (berjabat tangan): *kami ~ sambil bertukar senyum;*

menyalami bersalam dgn: *dia ~ lelaki tua itu;*

persalaman perihal bersalam: *~ yg mesra.*

salam II sj tumbuhan (pokok), jiwat, *Eugenia cumini.*

salam III Id salmon.

salamander 1. sj binatang amfibia drpd genus *Salamandra* yg rupanya seakan-akan bengkarung yg hidup di darat dan juga di air; **2.** sj reptilia mitos yg dipercayai hidup di dlm api.

salambau Br sj alat utk menangkap ikan.

salami sj sosej yg berasal dr Itali, biasanya diberi perasa bawang putih.

salang I hukuman yg dilaksanakan dgn menikam (dgn keris) dr lekuk tulang selangka kiri hingga ke hati: *orang itu telah dikenakan hukuman sula atau ~;*

menyalang menikam orang (dgn keris) dr lekuk tulang selangka kiri hingga ke hati: *dgn keris jenis inilah, pekerjaan ~ dilakukan;*

penyalang; *keris ~* keris yg digunakan utk menyalang; *tempat ~* bahagian di antara tulang selangka dgn leher (tempat menyalang).

salang II 1. sj bakul tergantung (tempat menaruh makanan dll); **2.** sj perkakas drpd buluh dll (tempat meletakkan bakul dll) yg diberi bertali supaya boleh dipikul.

salang III Mn; **salangkan** sedangkan, meskipun.

salang IV; ~ *rusa* sj tumbuhan (pokok), medang biawak, *Alangium uniloculare*.

salang V Br damar.

salangkir Br sj burung.

salap sj ubat (utk kudis, luka, lebam, dll) yg disapu: ~ *pencegah kuman;*

disalap diubati dgn salap.

salasal Ar ark penyakit kencing manis.

salasilah Ar daftar keturunan (asal usul), susur galur (keturunan).;

kesalasilahan hal yg berkaitan dgn salasilah.

salat → □ **solat**.

salatin Ar ark (jamak bagi sultan) sultan-sultan, raja-raja.

salbi = *tulang* ~ tulang tongkeng; *anak* ~ anak sendiri.

saleit (saléit) (Kim) bijih uranium drpd kumpulan fosfat.

saldo IB selisih (wang masuk dan wang keluar), baki.

sali I sl kuat, kukuh, teguh; *sama* ~ sama kuat; *bulang* ~ *kacak sama*, *tinggal lagi mujur malang* prb kalah menang dlm perlawanan yg sama kuat itu bergantung pd nasib sahaja.

sali II; ~ *hantu* (penyakit) batuk kering.

salib 1. dua batang kayu yg bersilang spt tanda campur; **2.** tanda yg berupa garis yg bersilang spt tanda campur (lambang agama Kristian, Palang Merah, dll);

menyalib menghukum mati dgn mengikat atau memaku orang yg dihukum itu pd kayu salib;

penyaliban perihal (perbuatan dsb) menyalib.

salidak corak anyaman kaum Iranum di Sabah yg menggunakan motif siku keluang, lazimnya terdapat pd anyaman tudung saji.

salih I → □ **soleh I.**

salih II sl datang atau pergi: *silakan tuanku* ~ *kembali*, *paduka adinda cintakan tuan*; ~ *berlancang* pergi dgn perahu lancang.

salih III ganjil, lain drpd kebiasaan (balar, bangkut, dll); *mat* ~ panggilan bagi orang berkulit putih (bangsa Eropah dan Amerika).

salin tukar (pakaian, nama, dll), ganti (kenaikan), tiru (tulisan, karangan, dll); (*se*)~ *tak tumpah* prb dua orang yg serupa benar;

bersalin 1. bertukar (pakaian dll), berubah (warna, kulit, bulu, dll): *dia mahu* ~ *pakaian*; **2.** bh melahirkan anak, beranak: *maka permaisuri pun datanglah sakit hendak* ~;

bersalin-salin bertukar-tukar, berganti-ganti;

menyalin 1. menukar (dgn yg lain), mengganti: *pakaian hendaklah selalu disalin*; **2.** memindahkan (ke bekas, tempat lain, dll): *penjaga kedai itu sedang* ~ *minyak ke dlm botol*; **3.** meniru, menulis (serupa dgn yg ada): *bapaku diupah utk* ~ *hikayat-hikayat*

yg tua itu; **4.** menterjemah: *pd hari itu juga aku mulai ~ buku itu ke bahasa Melayu;*

menyalini, mempersalin, mempersalini sl memberi hadiah atau anugerah (dgn selengkap pakaian): *maka dipersalini oleh Raja Iskandar akan Raja Kida Hindi spt pakaian dirinya; utusan hendak bermohon diri, dipersalin oleh ratu Bestari;*

mempersalinkan sl menghadaiahkan selengkap pakaian, menganugerahkan: *baiklah kita suruh paduka bonda sambut Tun Tuah supaya kita persalinkan dia;*

salinan 1. turunan (surat dll), halaman atau lembaran yg bukan asal, tetapi sama setiap butirannya dgn yg asal: *hanya ~-~ sijil sahaja yg perlu dihantar;* **2.** terjemahan;

persalinan, persalin 1. = **pesalin** sl selengkap pakaian (sbg hadiah): *segala orang yg datang itu semuanya dianugerahinya pesalin;* **2.** pakaian utk bersalin: *diambilnya pakaian dua ~, satu pakaian laki-laki dan satu pakaian perempuan;* **3.** perihal bersalin: *~ kulit itu berlaku hanya sehingga lipas itu bersayap;*

penyalinan perbuatan dsb menyalin (sesuatu naskhah dsb);

penyalin 1. orang yg menyalin (menterjemah dll): *~ hikayat tersebut ialah seorang peranakan;* **2.** alat atau mesin yg digunakan utk membuat salinan bahan bercetak dsb.

saling kata yg menunjukkan sesuatu perbuatan dilakukan oleh dua pihak secara berbalas-balasan; *~ membantu bantu-membantu, bertolong bantu;*

kesalingan perihal (keadaan, sifat dsb) berbalas-balas antara dua pihak: *kebersamaan dan ~ ini sentiasa merupakan wajah fungsionalisme dlm kehidupan manusia dan jalinan perwatakan suatu karya.*

salinometer (salinométer) alat utk mengukur kadar garam dlm sesuatu larutan, mis air laut.

salip sj tumbuhan (rumpai), senayan hutan, siamit hutan, *Scleria lithosperma*.

salir; menyalir, menyalirkan mengalirkan atau menyalurkan keluar (air dr sesuatu kawasan): *di kawasan yg rendah, airnya agak susah utk disalurkan; tanah ini kalau disalurkan airnya, akan menjadi tanah ladang yg baik;*

saliran sesuatu yg digunakan utk menyalir, saluran;

penyaliran perbuatan (kerja) menyalir(kan);

penyalir sesuatu (alat dsb) yg menyalirkan cecair.

salit bp calit.

salji hablur-hablur ais yg turun dr awan (rupanya putih spt kapas).

salju salji.

Sallallahu alaihi wasallam Ar moga-moga Allah memberkati dan memberi kesejahteraan ke atasnya (dikatakan setelah menyebut nama Nabi Muhammad).

salmon = *ikan* ~ sj ikan laut, a) *Salmo salar*; b) *Oncorhynchus spp.*

salmonela (salmonéla) (Bio) sekumpulan bakteria drpd genus *Salmonella* yg menyebabkan keracunan makanan atau demam tifoid.

salon IB bilik yg indah (utk menerima tetamu).

SALT akronim bagi *Strategic Arms Limitation Talks*.

saluir; bersaluir IB, bp mengangkat tangan sbg tanda hormat, mengangkat tabik.

saluk Mn sj destar.

salun I ruang (bilik besar dsb) utk sesuatu kegunaan tertentu (biasanya sbg tempat berniaga), sj kedai atau tempat perniagaan: *di Singapura, dia mengusahakan ~ kecantikan.*

salun II; *kereta* ~ kereta sedan.

salung Mn sj serunai pendek, seruling;

~ *api* buluh yg digunakan utk meniup api, teropong api, buluh solan; ~ *asap* corong lampu;

bersalung meniup seruling.

salur sesuatu (spt pembuluh, parit, dll) yg menjadi jalan atau laluan utk mengalirkan air dsb;

~ *buah pinggang* saluran yg membawa air kencing dr buah pinggang ke pundi-pundi kencing; ~ *darah* saluran (dlm badan) yg menyalurkan darah; ~ *halus* salur darah dgn salur nadi yg halus, jalan saraf, arteriol; ~ *kencing* saluran yg menyalurkan air kencing dr pundi kencing ke luar tubuh, uretra; ~ *makanan* saluran yg membawa makanan dr mulut ke perut; ~ *mani* saluran tempat mani disimpan dan menjadi matang (dlm buah zakar); ~ *nadi* saluran yg membawa darah dr jantung ke bahagian-bahagian lain badan, arteri;

menyalurkan 1. mengalirkan (sesuatu yg cair dll): *air yg kotor itu disalurkan ke laut*; **2.** menyampaikan (membawa dsb) melalui jalan atau cara tertentu: *segala surat-menyurat mesti disalurkan menerusi syarikat kerjasama*;

tersalur dapat disalurkan, (sudah) disalurkan;

saluran 1. salur; **2.** ki jalan (perantaraan, cara, dsb) utk melakukan sesuatu: *kerajaan boleh digulingkan menerusi ~ perlembagaan*; *segala bantahan hendaklah disampaikan melalui ~~~ tertentu*; **3.** jalur frekuensi media elektronik (radio, televisyen dsb) yg berfungsi utk menyiarkan sesuatu rancangan;

penyaluran perbuatan menyalurkan (air, pendapat, dll);

penyalur (sesuatu) yg menyalurkan, penyampai, pembawa: *bahasa yg berkesanggupan menjadi alat ~ ilmu dan kebudayaan*.

saluru; menyalurkan memperolok-olokkan seseorang dgn perkataan atau perbuatan.

salut I pembalut, pembungkus, sampul, sarung, selongsong; ~ *bunga* kecubung yg terdapat pd bahagian luar kelopak bunga, kaliks (bunga); ~ *surat* sampul surat;

bersalut 1. berbalut, berbungkus, bersampul, bersarung: *tongkat kecil hitam dgn kepalanya ~ tembaga; bungkusan itu ~ kertas minyak; 2.* ki berselubung, berselindung: *hadiah yg murah tetapi ~ ikhlas; seruku riang ~ jenaka;*

menyalut membalut, membungkus, menyampul: *gambar itu hendaklah disalut supaya tidak pudar; ~ sarung keris dgn perak;*

menyaluti menjadi sbg salut pd, membaluti: *tepung ubi ~ kesemua kepingan keladi;*

salutan sesuatu yg digunakan utk menyalut;

penyalutan perihal (proses atau perbuatan) menyalut atau menyaluti sesuatu.

salut II IB memberi hormat (dgn mengangkat tabik).

salvo tembakan yg serentak.

sama 1. tidak berbeza atau berlainan (rupa, keadaan, dll), serupa: *bajunya ~ dgn baju saya; dua kali dua ~ dgn empat; pangkatnya ~ tinggi dgn pangkat saya; 2.* (turut) serta, bersaing (dgn orang lain) melakukan sesuatu: *penjaga kedai turut ketawa ~ apabila mendengar cerita itu; 3.* yg setanding (setaraf dsb) dgn, setanding, seimbang, setara, setaraf: *jikalau seorang raja tiada menaruh malu sopan akan ~nya raja, bukanlah dia itu raja namanya; 4.* = **sama-sama** semua sekali, kesemuanya: *mereka sama-sama ketawa; 5.* = **sama-sama** kata yg menunjukkan perbuatan dsb yg berbalas-balasan, saling: *memang laki bini itu ~ tidak suka; tahu ~ tahu sama-sama tahu; 6.* bp akan, kepada: *aku mulai sebal ~*

perempuan itu; mengapa engkau mesti marah ~ dia? 7. bp
dengan, beserta: Ahmad sekarang sudah jarang bermain ~ kami;
8. sl *sambil, seraya: maka kata Raja Muhammad, “Cih! Jatuh*
destar kita oleh Tun Besar,” ~ ia memandang penjawatnya;
~ ada apakah, ataukah; *~ ada ... atau* baik ... mahupun; *~ bina*
 mempunyai nilai (kadar, keadaan, dll) yg sama; *~ dengan* serupa
 dengan; *~ kita* antara kita sahaja; *~ nilai* (mempunyai) sama
 nilaian (ukuran dll); *~ sahaja* tidak berbeza (berubah); *~ sahaja*
(juga halnya) dgn tidak ubahnya spt; *~ segi* (mempunyai) segi yg
 sama; *~ sekali* seluruhnya, segenapnya; *~ sendap* Kl berpadanan
 dan sesuai, cocok; *~ sendiri* = *satu ~ lain* antara mereka itu
 sendiri; *~ tengah* a) betul-betul di tengah; b) tidak memihak ke
 mana-mana, berkecuali; *~ ukur* kesamaan dlm bentuk (saiz dll)
 antara dua bahagian; *~ unsur* (unsur-unsur yg) sama sifat kimia
 nya tetapi berlainan berat atomnya, isotop;
air ~ air, sampah ke tepi juga prb jangan ikut campur perselisihan
 orang bersaudara, apabila mereka berbaik kembali kita akan
 tersisih juga; *burung pipit ~ enggang* prb jodoh yg tidak sepadan;
tak ~ getah batang dgn getah daun prb kasih kpd anak sendiri itu
 tidak sama dgn kasih kpd anak saudara; *telentang ~ menadah*
embun, tertiarap ~ memakan pasir = tertungkup ~ termakan
tanah, tertelentang ~ terminum embun prb orang yg seia sekata
 dlm pergaulan;
sesama antara (mereka itu) sendiri: *mereka pun asyik berbicara ~*
mereka; *~ manusia;*
sama-sama **1.** semua sekali, kesemuanya (secara serentak atau sbg
 satu kumpulan); **2.** serta, bertepatan (dgn); **3.** turut serta, bersaing
 (melakukan sesuatu) dgn orang lain: *saya mengajak saudara*
saudari ~ melihat bahasa dlm konteksnya; **4.** ungkapan yg lazim

digunakan utk membalas ucapan “terima kasih” drpd orang lain, terima kasih kembali; □

bersama 1. = **bersama-sama** berserta, bergandingan dgn, serentak dgn: *esok harinya Poniem datang ~ anak angkatnya; kami mudik bersama-sama; ~ surat ini anakanda kembarkan wang lima puluh ringgit; 2.* semuanya sekali, seluruhnya: *tempat perundingan itu harus dipersetujui ~ oleh kedua-dua belah pihak; kedua-dua laki isteri itu pun duduk makan ~ dgn penuh selera; 3.* utk sesamanya, utk sekaliannya: *harta ~; kemakmuran ~; 4.* bh melakukan hubungan jenis, bersetubuh: *isteri diwajibkan melayani suami apabila dia mahu ~;*

bersamaan 1. bertepatan dgn, berbetulan dgn: *hari Khamis ~ 20 September; ada dua orang ahli Tasawuf yg ~ waktunya di Aceh; 2.* hampir sama, hampir serupa; **3.** berbandingan (dgn), berimbangan (dgn): *30 sentimeter salji ~ dgn 2.5 sentimeter hujan; skalanya 2 sentimeter ~ 1 kilometer; 4.* berpadanan, sesuai: *~ dgn teori tadi, kita buatlah suatu rumusan; 5.* setara, sebanding, setingkat: *profesor madya di Amerika Syarikat ~ dgn pensyarah kanan di sini;*

kebersamaan keadaan atau hal bersama: *rasa ~ dgn anggota masyarakat;*

menyama-nyama membuat diri spt, berlaku spt: *tidak usahlah kita hendak ~ orang kaya;*

menyamai sama dgn, setaraf dgn, setanding dgn: *pd zaman itu sebuah negeri pun tiada ~ Melaka, melainkan Pasai dan Haru; kuasa Mahkamah Tertinggi Persekutuan sekarang ini tidaklah pula ~ kuasa Mahkamah Tertinggi di Amerika;*

menyamakan 1. menjadikan sama (serupa, selaras, dll): *arnab dapat ~ warna dirinya dgn warna tanah; kerajaan Persekutuan*

boleh ~ undang-undang antara sebuah negeri dgn negeri yg lain;

2. menganggap (memandang) sama sahaja (dgn sesuatu), menganggap tidak berbeza drpd, menganggap serupa (setara, setanding, dll): *pendekatan formalistik sering disamakan dgn pendekatan struktur; gadis Melayu tidak boleh disamakan dgn gadis Barat;* **3.** mengumpamakan, mengibaratkan, menganggap sama atau seolah-olah spt: *manusia tidak boleh disamakan dengan jentera; perbuatan serupa itu dapat disamakan dgn mengusik anjing tidur;*

mempersamakan menjadikan bersama-sama, memperikutkan, mengembarkan, menyertakan;

mempersama-samakan melakukan sesuatu bersama-sama (dgn orang banyak): *tidak pernah kerja berat dilakukan oleh seorang sahaja, melainkan sentiasa dipersama-samakan;*

kesamaan perihal (sifat, keadaan) sama: *manusia sangat sukar utk memelihara ~ dan kesatuan dlm soal bahasa;*

ketidaksamaan perihal (sifat, keadaan) tidak sama: *~ antara gambaran dan hakikat;*

persamaan 1. perihal sama (sifat-sifatnya dll), persesuaian: *yg membentuk bangsa ialah ~ bahasa, ~ sejarah, dan ~ kebudayaan; ada ~ antara orang asli di Filipina dgn orang asli di Semenanjung Tanah Melayu;* **2.** perbandingan, perumpamaan, ibarat: *~ yg diberikan dlm sajak-sajak itu banyak yg salah;* **3.** perbandingan dua ungkapan yg sama nilainya (dlm ilmu hisab, fizik, kimia, dll); *~ kimia* perlambangan tindak balas kimia dgn menggunakan simbol unsur-unsur utk menandakan banyaknya bahan dan hasil tindak balas;

penyamaan perbuatan menyamakan (menyelaraskan): *perjanjian tentang ~ ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia;*

penyama sesuatu (orang, perkakas, dll) yg menyamakan.

samah; ~-*samai* sampah sarap.

samak I sj tumbuhan (pokok yg kulitnya digunakan utk menyamak kulit, pukot, dll), a) = ~ *terberau* = ~ *ubar* = *kelat* ~ sj tumbuhan (pokok), jambu air paya (laut), kelat lapis (seluang), *Eugenia palembanica*; b) kelat balak (bising, lapis, merah), medang telur, *Eugenia griffithii*.

samak II zat yg digunakan utk memasak dan mewarnai kulit binatang (utk dibuat kasut dll); *kulit* ~ kulit yg sudah dimasak dan diwarnai; **bersamak** disamak: *kulit* ~;

menyamak 1. memasak kulit (supaya berwarna dan lembut dll): *kulit bakau digunakan utk ~ kulit atau pukot*; **2.** menggelas (menggosok dgn serbuk kaca) tali layang-layang; **3.** menyucikan anggota badan, tempat, dsb yg terkena najis mughallazah dgn air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali;

penyamakan 1. perbuatan menyamak: *sampai ke akhir abad kelapan belas ~ masih dilakukan dgn cara-cara lama*; **2.** tempat menyamak kulit;

penyamak 1. orang yg kerjanya menyamak kulit; **2.** bahan yg digunakan utk menyamak kulit: *bahan ~ kulit*.

samapai tinggi lampai (orang).

saman I perintah rasmi yg menuntut seseorang hadir ke mahkamah utk didakwa, (surat) panggilan utk diadili: *hutang kajang belum habis dibayar, ~ pula tiba*;

menyaman mendakwa (menuntut) utk diadili: *orang-orang yg tidak membayar cukai akan disaman*.

saman II Kl sj topi yg diperbuat drpd mengkuang.

saman III; *ratib* ~; □ → □ **ratib**.

samar = **samar-samar** **1.** kurang jelas (pd pelihatan), agak kabur: *ketika itu wajah ayahnya terbayang samar-samar; di dlm cahaya yg samar-samar itu mata mereka bertentang tepat; 2.* kurang terang (sesuatu kenyataan, keterangan, bukti, dll), masih tersembunyi, tidak nyata: *sebab-sebab mengapa ia dibunuh masih samar-samar lagi; 3.* tidak dgn terang-terang, tersembunyi: *dia datang itu dgn maksud yg ~; (waktu) ~ muka = (waktu) samar-samar daun waktu petang benar (daun atau muka orang tidak jelas kelihatan lagi);*

menyamarkan **1.** mengubah rupa atau pakaian (supaya tidak dikenal orang): *kerja mereka ialah ~ spt nelayan biasa; 2.* masuk ke dlm kalangan musuh dll (dgn tidak dikenali): *setelah ia datang ke mari ~, maka dibencanainya menteri hamba yg besar empat orang; 3.* tidak dgn memperlihatkan yg sebenarnya: *terlalu elok barang kelakuan, disamar dgn perkataan lain supaya jangan jadi ketahuan;*

menyamarkan **1.** menjadikan kurang terang (cahaya), mengaburkan: *lampu-lampu merah dan biru yg sengaja disamarkan sudah terpasang; 2.* menjadikan diri tidak dikenal orang (dgn menukar pakaian dll), masuk ke dlm kalangan tertentu (utk mencari rahsia, melakukan pengkhianatan, dll): *Wan Intan sendiri telah keluar ~ dirinya utk mencari rahsia; 3.* menyembunyikan (melindungi) sesuatu drpd yg sebenarnya: *Raja Harman Shah pun terlalu marah, maka disamarkan baginda dgn tersenyum-senyum; ~ diri menyaru, merupakan diri sbg;*

samaran sesuatu yg disamarkan atau disembunyikan (nama, rupa, dll), sesuatu yg digunakan utk menyamarkan diri (pakaian dll): *rumah itu berbumbung zink yg ditutup dgn daun nipah dan lain-lainnya sbg ~ ; nama ~ nama yg bukan nama yg sebenarnya;*

kesamaran perihal (keadaan dsb) samar: *matanya masih juga memerhatikan lembaga yg hampir hilang dlm ~ malam; namun pd satu tahap mungkin nanti akan timbul ~ disebabkan oleh perkara ~ pentafsiran;*

penyamaran perbuatan dsb menyamar;

penyamar orang yg menyamar.

samara buah yg berkepak (buah keruing dll).

sama rata 1. ratanya serupa; 2. = **sama rasa** semuanya sama;

menyamarkan menjadikan atau menganggap sama atau sama rata (tidak berlebihan atau berkurangan, tidak ada perbezaan antara satu sama lain): *engkau ~ sahaja manusia lain dgn Wim;*

kesamarataan sifat (keadaan dsb) sama rata atau sama sahaja (antara satu sama lain): *anda mempersoalkan hak dan tanggungjawab, keadilan dan ~ antara lelaki dgn perempuan;*

penyamarataan proses menyamaratakan sesuatu.

samarium (Kim) sj unsur logam yg berwarna putih perak dan digunakan utk membuat magnet dll.

samarakit (Kim) mineral yg mengandungi plumbum, niobium, tantalum dan uranium.

samas Id ark penolong atau perawat orang miskin (dlm agama Kristian).

samawi Ar 1. berkaitan dgn langit (cakerawala); 2. berkaitan dgn ketuhanan: *solat adalah titik pertemuan antara agama ~ drpd Adam hingga Muhammad.*

samb. kep sambungan.

samba 1. sj tarian moden dan rancak yg berasal dr Brazil; 2. muzik yg digubah utk mengiringi tarian 1. di atas: *muzik ~;*

bersamba menari samba.

sambah-sambah Br sj serangga, gegancang, mentadak-mentadu.

sambal sj lauk yg dibuat drpd lada serta garam dll: ~ *belacan*; ~ *tumis*;
gertak ~ kata-kata yg hanya menakut-nakutkan sahaja; *ulam*
mencari ~ prb perempuan yg mencari laki-laki;

sambal-sambalan, sambalan berjenis-jenis sambal;

menyambal membuat sambal.

sambalewa (sambaléwa) = **menyambalewa** tidak sungguh-sungguh
(dlm melakukan sesuatu), sambil-sambilan, sambil lewa;

menyambalewakan melakukan sesuatu tidak dgn sungguh-sungguh.

sambang I ronda (utk menjaga keselamatan);

bersambang berjalan dan berjaga-jaga, meronda: *Raja Pangan dan Raja Semang* ~ *berkeliling padang*;

menyambangi 1. mengelilingi (utk menjaga keselamatan); **2.** Jw mengunjungi, menjenguk.

sambang II Jw bermacam-macam penyakit (yg disebabkan oleh sesuatu yg ghaib).

sambang III sj tumbuhan (pokok renek), *Excoecaria cochinchinensis*.

sambang IV sarang lebah yg telah kosong.

sambang V Mn sj tabung atau kotak yg diperbuat drpd bilah (buluh); ~ *tembakau* tabung tempat menyimpan tembakau.

sambang VI; *mempelai* ~ Pr pengapit pengantin laki-laki.

sambangan Mn sj burung (sebesar gagak).

sambar; menyambar 1. menangkap (dgn paruh, cakar, dll) sambil terbang, menangkap (mangsa) dgn cepat: *helang* ~ *anak ayam*; *haruan* ~ *anak*; **2.** menangkap (merampas, menyamun, menyerang, dll) dgn cepat: *disambarnya wang yg ada dlm genggamannya saya*; *baginda terkejut lalu disambarnya pedang panglima itu*; **3.** menjilat dgn cepat (api), memanah atau mengenai (kilat, peluru, dll): *api itu dgn bengisnya* ~ *minyak, merosakkan harta benda*;

cepat spt kilat ~; sebuah lori hampir ~ becanya dr belakang; 4. ark mencelah atau menyampuk (orang sedang bercakap) dgn cepat: "Tapi apa?" merinyu ~; 5. ki mengambil kesempatan tanpa teragak-agak: yg penting ialah kemampuan utk ~ kesempatan; ayam tambat disambar helang, padi ditanam tumbuh lalang prb nasib yg malang (buruk) sekali; bagai ayam disambar helang prb mati tanpa sakit; pantang helang dgn ayam, lambat-laun disambar juga prb mudah menimbulkan sesuatu yg tidak baik kalau didekatkan;

menyambar-nyambar menyambar beberapa kali atau berulang kali: *kelihatan sekumpulan ikan ~ cebisan roti yg dicampakkannya;*

sambar-menyambar menyambar (memanah) berturut-turutan: *kilat ~ diikuti dgn bunyi petir yg sangat kuat;*

sambaran tangkapan (yg cepat);

penyambar orang yg menyambar, pencuri, perampas.

sambarana Br tidak cermat (tidak teliti dll).

sambat I Id; **bersambat** bersambungan (dgn), bertambatan (dgn), berhubungan;

menyambat menyambung (menambat, menghubungkan).

sambat II Jw; **bersambat, menyambat** meminta pertolongan (utk mengerjakan sesuatu);

sambatan 1. pertolongan (utk mengerjakan sesuatu), bantuan; **2.** tolong-menolong; **3.** orang yg menolong (mengerjakan sesuatu).

sambat III Jw mengeluh, mengaduh (kerana kesusahan dll).

sambat IV sembat, sebat; □ → □ **sebat I.**

sambat V Br awal (hari), pagi hari: *Jamaliah terpaksa bangun ~ benar kerana kebunnya agak jauh.*

sambau I; ~ *jangkang* sj tumbuhan (pokok renek), gadu gajah, *Trigonosteman longifolius*; *rumpu* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Eleusina indica*; *bagai* ~ *di tengah jalan* = *bagai* ~ *di pintu kandang* prb kehidupan yg tidak tetap (sakit atau hidup melarat).

sambau II Mn gembung perut (kemasukan angin dll).

samben (sambén) Jw kerja sambilan.

samber Jk sambar.

sambet Jk sakit yg disebabkan oleh puaka (hantu dll); **kesambet**.

sambil dengan atau di samping (melakukan sesuatu yg lain), (semasa) sedang, dan juga sementara, seraya: *ia bertanya kpd gadis itu ~ tersenyum*; ~ *berniaga* ~ *mengajar*;

sambil-sambil sambil lalu;

menyambil mengerjakan sesuatu kerja lain sambil membuat kerja yg utama atau pokok: *janganlah ~ sahaja apabila membuat kerja itu*; *bersawah dan menoreh getah termasuk ~ memelihara ayam*;

menyambulkan membuat bersama-sama dgn yg lain: *dia pun ada kerja istimewa agaknya yg boleh disambulkan apabila pergi ke pasar*; *setelah sudah Mak Andeh menghidupkan api lalu ia bertanak, dan disambulkannya juga membakar pisang*;

tersambil dilakukan sambil membuat pekerjaan lain, tidak menganggap penting;

sambilan 1. sesuatu yg dilakukan bersama-sama dgn yg lain; **2.** sesuatu yg kurang pentingnya; **3.** alasan yg dibuat-buat, dalih.

sambil lalu 1. sepiantas lalu (tidak secara terperinci atau secara khusus);

2. tidak dgn sungguh-sungguh (melakukan sesuatu);

menyambillalukan melakukan sesuatu sambil lalu (dgn tidak sungguh-sungguh).

sambit Jk; **menyambit** membaling, melempar (dgn kayu, batu, dll): *dia ~ buah itu dgn kayu*;

menyambitkan membalingkan: *kulit jeruk itu disambitkannya kpd aku.*

sambuk I cambuk, cemeti;

menyambuk menyebat dgn cemeti.

sambuk II sl sj perahu kecil.

sambung; ~ *tangan* ki pertolongan, bantuan;

bersambung 1. berhubung dgn (tali dll), bercantum dgn, berkaitan dgn: *anjung rumah itu ~ dgn rumah ibu*; **2.** berlanjutan, berpanjangan, berturut-turut: *ketawanya ~ lagi tanda benar-benar geli hati*; *lari ~ Id lari berganti-ganti*; **3.** diberi tambahan: *pita yg ~*; ~ *berulas tangan* ki mendapat bantuan (pertolongan);

sambung-bersambung berlanjut-lanjutan, beruntun-runtun, berganti-ganti;

menyambung 1. menjadikan lebih panjang dgn tambahan (tali, perbualan, cerita, dll), memanjangkan, meneruskan (perbualan, permainan, dll): *jalan raya itu akan disambung lagi pd tahun depan*; *ibarat ~ nak panjang, ibarat menyebarkan nak lebar*; **2.** menghubungkan sesuatu dgn yg lain (benda yg putus-putus dll): *ayah saya sedang ~ rantai basikal dgn dawai*; **3.** menghubungkan (telefon yg mendapat panggilan dgn sambungan-sambungan lain);

sambung-menyambung 1. bersambung-sambung terus; **2.** sambung-bersambung;

menyambungkan 1. memanjangkan (cerita, perbualan, dll), meneruskan: *apa yg saya usahakan selama ini ialah mencari wang dan ~ passport*; *dia ketawa, dan kemudian ~ semula percakapannya*; **2.** menghubungkan sesuatu dgn yg lain (perkara yg putus-putus dll): *leher itu ~ kepala dgn badan*; **3.** menggunakan sesuatu utk menyambung; **4.** menyambung utk (orang lain): *dia ~ anaknya tali itu*;

sambungan **1.** tambahan (utk memanjangkan sesuatu), lanjutan (perbualan, cerita, dll): *ada ~nya lagi*; **2.** sesuatu yg telah disambung; ~ *tangan* penolong, pembantu; **3.** talian telefon drpd telefon utama, yg disambungkan ke beberapa bahagian lain dlm sesebuah bangunan: ~ *telefonnya di pejabat ialah 2751*;

bersambungan mempunyai sambungan (tambahan, lanjutan); *kata* ~ Id kata terbitan;

persambungan perihal (keadaan dsb) bersambung atau berterusan, kesinambungan, kelanjutan (kpd sesuatu yg sebelumnya): ~ *istiadat itu selepas zaman Melaka juga agak sukar dikesan*; *budaya popular merupakan ~ budaya tradisi*;

penyambungan perihal menyambung, penerusan: *hari ~ pembicaraan itu telah pun ditetapkan*;

penyambung **1.**sesuatu (alat dll) yg menyambung atau meneruskan, penghubung; *tanda* ~ tanda sempang; **2.** orang yg menyambung atau meneruskan sesuatu usaha, tugas, dll: *kamu semua adalah ~ usahaku*; ~ *lidah* orang perantaraan, jurubicara.

sambur; ~-*limbur* bercampur baur (kerana terlalu ramai dll).

sambut; **bersambut** **1.** ada balasan (jawaban dll): *pertanyaan tadi tidak ~*; **2.** disertai (oleh): *bunyi tapak sepatu berdentum-dentum dihentakkan kuat-kuat pd anak tangga ~ dgn cakap-cakap kasar dan bangga*; **3.** membeli sesuatu dgn membayar kemudian; *dagangan ~ yg dijualnya* ki mengatakan sesuatu dgn hanya menurut kata orang lain;

bersambutan **1.** berpadanan, sesuai (dgn): *rambutnya ikal terlalu panjang ~ dgn lehernya jinjang*; **2.** = **bersambut-sambutan**, **sambut-menyambut** berbalas-balasan, bersahut-sahutan: *maka berbunyilah nobat nafiri, ~ pula dgn bunyi-bunyian sekalian*;

bunyi jeritnya tersangat kuat, bergaung bersambut-sambutan bunyinya;

menyambut 1. menerima (menangkap dll) dgn tangan: *maka surat itu disambut oleh bentara, dan dipersembahkannya kpd Sultan Pahang; saya menghulurkan tangan kepadanya dan disambutnya;*

2. menerima (perkhabaran, cadangan, dll), memberi (menunjukkan) reaksi kpd: *ibu ~ berita itu dgn menghamburkan air mata; ini dilakukan sbg ~ cadangan Angkatan Sasterawan 50;*

3. = menyambuti sl menerima kedatangan orang, mengalu-alukan (tetamu dll), menyongsong: *maka pergilah segala bentara dan biduanda ~ orang dua belas itu;*

4. menjawab (percakapan dll), menyampuk: *Wan Derus ~ cakap isterinya;*

5. menjawab (cabaran, tentangan, dll), melawan (serangan, kecaman, dll): *ia ~ cabaran itu;*

6. meneruskan (giliran), melanjutkan (kerja yg berganti-ganti): *dua orang polis khas datang dgn senapang bercekah ~ giliran mereka bertugas malam itu;*

7. membeli dgn membayar beransur-ansur: *dia dapat ~ dulu barang di kedai Malabari itu; ~ baik menerima baik, berkenan, bersetuju: jurubicara konsulat Filipina di Kuala Lumpur hari ini ~ baik langkah Malaysia itu;*

sambut-menyambut 1. berbalas-balasan (perbualan, nyanyian, dll): *mereka berpantun ~ ;*

2. berturut-turut, berganti-ganti, sambung-menyambung;

sambutan 1. penerimaan (ketibaan tetamu dll), cara-cara meraikan atau menyambut sesuatu (hari raya, tetamu, dll): *bagaimana nanti ~ yg akan diterimanya kalau ia pergi ke sana?;*

2. perhatian (pandangan, anggapan, dll) terhadap sesuatu hal, reaksi: *buku karangannya telah mendapat ~ yg baik drpd masyarakat;*

3. jawaban terhadap cabaran (tentangan dll), balasan, perlawanan: *cabaran itu mendapat ~ drpd orang-orang muda;*

4. barang yg

dibeli dgn bayarannya ditangguhkan, barang yg diamanahkan utk dijual;

~ *baik* penerimaan baik, perkenanan, persetujuan; ~ *permaidani merah* sambutan istimewa yg diberikan kpd tetamu kenamaan atau orang yg terkenal, biasanya ketibaannya disambut dgn hamparan permaidani merah;

penyambutan perihal menyambut: *sebuah senyum telah diberikannya sbg salam* ~;

penyambut **1.** orang yg menyambut (tetamu dll), penerima: ~ *tetamu*; **2.** kayu yg dipasang utk menyangga gelegar (pd rumah); **3.** angka pembahagi yg besar (dlm kira-kira pecahan); **4.** pelengkap (dlm sesuatu ayat).

samfu pakaian wanita Cina yg terdiri drpd blaus berpinggang dan seluar.

sami I pendeta (agama Buddha).

sami II Ar mulia, tinggi.

sami III Jw; ~ *mawon* sama sahaja.

samin; *minyak* ~ sj minyak sapi.

samir daun (nipah, rumbia, dll) yg dibuat atap atau pengalas muatan; ~ *tak habis, kajang pula* prb hutang lama belum dibayar, sudah datang pula orang menagih hutang baru.

samosa sj kuih berbentuk tiga segi yg berintikan daging atau sayur-sayuran berempah.

sampa; *ubi* ~ ubi kayu.

sampah **1.** benda-benda yg dibuang, kotoran (daun-daun kering, kertas-kertas kotor, dll), sarap; ~ *sarap* bermacam-macam sampah; **2.** sesuatu (benda atau orang) yg tidak berharga atau berguna; ~ *dunia* = ~ *masyarakat* orang yg hina;

~ *itu di tepi juga* prb orang yg hina (miskin) itu selalunya tidak dipedulikan orang; ~ *jangan ditendang sepak* prb orang yg miskin

jangan dihinakan; *spt ~ hanyut* prb orang miskin yg hidup melarat; *teralang-alang bagai ~ dlm mata* prb kemusykilan yg tidak dapat dilahirkan;

menyampah 1. berasa benci (terhadap sesuatu atau seseorang), meluat, jijik: *Semah ~ bukan kepalang*; **2.** spt sampah (kerana terlalu banyak dll); **3.** bp mengganggu orang (mengacau dll);

persampahan tempat membuang (timbunan) sampah.

sampai I 1. tiba (di): *tidak berapa lamanya belayar itu, ~lah ia ke Riau*;

2. mencapai tujuan (maksud, niat, dll): *maka terlalulah susah hati sahaya sebab surat itu tiada ~ ke dalam; apa lagi yg kaufikirkan? Maksudmu telah ~*; **3.** sehingga menjadi: *mengapa mak ~ begini melarat*; **4.** mencapai had, cukup: *gajinya tidak ~ seratus ringgit tetapi berlagak macam orang kaya*; **5.** hingga ke, sehingga: *~ hari ini, kami tidak pernah mempedulikan dia lagi*;

~ ajal meninggal; *~ akal* boleh diterima oleh fikiran, tidak mustahil; *~ bulan(nya)* a) tiba waktu utk melahirkan (anak dlm kandungan); b) cukup tempoh (yg telah ditetapkan); *~ hati = ~ hemat* berasa tidak segan-segan lagi, tergamak melakukan sesuatu; *~ tempoh* tiba waktunya atau masanya (yg telah dijanjikan); *~ umur* a) sudah dewasa; b) sudah lanjut umur; *sudah ~ umurnya* meninggal; *nan dimaksudkan, ~, nan diamalkan pecah* prb sudah berlaku apa-apa yg dimaksudkan atau yg dicita-citakan;

sesampai, sesampainya sebaik sahaja sampai, apabila sampai, setibanya: *~ di halaman, terdengarlah olehnya bunyi orang bertengkar di belakang*;

sampai-sampai 1. bahkan, hingga(kan), malahan: *~ memulangkan padi dr ladang pun diselenggarakan dgn baik*; **2.** hingga sampai: *pd rambutnya bergantung lumpur ~ ke kening dan telinganya*;

menyampai **1.** mencukupi, cukup: *jumlah denda itu terkumpul, kadang-kadang ~ angka puluhan ringgit*; **2.** mendatangi (sesuatu tempat): *pulau ini jarang-jarang disampai orang*;

menyampaikan **1.** membawa dan menyerahkan, mengirimkan (surat, khabar, dll), memberikan kpd, mengunjukkan kpd: *ia datang ~ pesan orang itu; isteri Menteri Besar telah ~ hadiah tersebut kpd pemenang*; **2.** memberitahukan, melaporkan: *mereka juga wajib ~ kemusykilan rakyat kpd kerajaan*; **3.** melanjutkan (berita, ajaran, dll), memanjangkan (kpd umum): *orang Arablah yg telah menjadi alat ~ fikiran-fikiran Aristotle kpd orang di Eropah*; **4.** memenuhi (permintaan, kewajiban, niat, dll), memperkenankan, mengabulkan: *jikalau patik mati pun, apalah boleh buat sebab ~ kehendak tuan patik*; **5.** mencukupkan, menjadikan cukup;

kesampaian **1.** ketibaan, tibanya, sampainya: *orang ramai di situ tidak menghiraukan ~ mereka*; **2.** tercapai (maksud, cita-cita, dll), terlaksana: *janji-janjinya tidak pernah ~*; **3.** sampai-menyampai;

penyampaian perihal menyampaikan sesuatu: *adakah ~ pelajaran itu dilakukan dgn tulus ikhlas?*

penyampai **1.** orang yg menyampaikan (surat, khabar, berita, dll); **2.** (sesuatu) yg menyampaikan: *namun begitu bahasa Malaysia masih belum menjadi alat ~ perasaan di kalangan mereka*.

sampai II; **menyampai** **1.** menyelampaikan (kain di bahu), menyampirkan, menyidaikan: *di atas balai itu ada seorang perempuan tua sedang ~ kain pendukung*; **2.** = **bersampaian** tersampir, tersidai;

menyampaikan menyampirkan, menyidaikan: *empat puluh cindai kara, semuanya disampaikan kpd galah*;

tersampai tersampir, tersidai: *dia menghilang ke dlm bilik dan kemudian keluar dgn tuala mandi ~ di bahu;*

sampaian tempat menyampirkan (menyidaikan) kain, ampaian.

sampak I simpai drpd logam (besi, emas, dll) yg dipasang pd hulu pisau dll supaya jangan pecah;

menyampak mengenakan (memasang) sampak.

sampak II; *main* ~ ark sj permainan meneka gambar pd duit syiling (yg dijatuhkan, dipusingkan, dll).

sampak III; *seluar* ~ sj seluar pendek, seluar katuk.

sampan sj perahu kecil; ~ *kolek* sj sampan yg tidak memakai layar; ~ *kotak* sampan yg mempunyai petak-petak; ~ *ludang (seludang)* sampan yg bentuknya spt seludang (mancung); ~ *payang* sj sampan yg bersama perahu besar dipakai utk meregangkan jaring; ~ *ada pengayuh tidak* prb kekurangan syarat utk melakukan sesuatu; *ada ~ hendak berenang* prb ada perkara yg senang tetapi sengaja hendak bersusah payah; *air besar, ~ tak hanyut* prb harapan yg tidak dapat dipenuhi;

bersampan menaiki sampan: *maka pergilah Bujang Selamat ~ datang ke tongkang;*

bersampan-sampan bersuka ria dgn menaiki sampan.

sampang I sj varnis utk mengilatkan kayu: *bersikat berminyak spt ~;*

menyampang mengilatkan sesuatu (dgn sampang dll).

sampang II ark; **menyampang** mengayuh perahu dr haluan.

sampang III ark **1.** masih ada masa, sempat; **2.** sekiranya.

sampang IV Mn sj pasung (utk menahan kepala kerbau ketika mencucuk hidungnya).

sampang V; **tersampang** tersangkut, terhenti.

sampanyi IB sj minuman keras.

sampar I sj penyakit yg menular (terutama pd haiwan), hawar; ~ *ayam* sj penyakit ayam yg mudah menular.

sampar II Br sj hantu.

sambat ark; *mandi* ~ upacara bermandi-manda pd hari ketiga selepas hari perkahwinan.

sampean (sampéan); ~ *andika* Jw sl paduka tuanku.

sampel bahagian (bilangan, kumpulan, dsb) yg kecil yg mewakili bahagian dsb yg jauh lebih besar (biasanya dijadikan contoh utk penelitian, kajian, dsb), contoh: *Wan Hashim memilih nelayan Dinding di Pulau Pangkor sbg ~ kajian kerana beberapa sebab;*

pensampelan proses memilih sampel secara rawak.

samper Jk; **menyamperi 1.** mendekati, menghampiri; **2.** menyinggahi.

sampi Jk sapi.

sampil I kulit pd pangkal pelepah pinang (kelapa dll).

sampil II Jw paha lembu (kerbau dll) yg sudah disembelih.

samping I sebelah (kiri atau kanan), rusuk, sisi: *orang tua itu menolaknya ke ~ dan membuka pintu kereta itu;*

di samping 1. di sebelah, di rusuk, di sisi: *mereka sering bermain-main di bawah rumpun buluh ~ rumah Leman;* **2.** bersama-sama dgn, bergandingan dgn, bersanding bahu dgn: *kami akan berjuang ~ saudara;* **3.** ... dan juga ..., selain ... juga ...: *~ sebuah balai raya, sebatang tali air juga akan dibina di kampung itu;*

ke samping ke sebelah, ke rusuk, ke sisi, ke tepi: *ia menolak adiknya ~;*

mengesampingkan 1. meletakkan ke sisi (ke rusuk, ke sebelah), menyisihkan ke tepi: *pen dikenakan sarungnya dan buku dikesampingkannya sahaja;* **2.** mengetepikan (menganggap kurang penting), menyingkirkan: *besar kemungkinan, berita itu akan dikesampingkannya sahaja;*

bersampingan 1. berdekatan-dekat, berhampiran; 2. bersama-sama; **menyamping** menyusur (di tepi jalan dll);

menyampingi 1. mendekatkan (diri) dgn, berdampingan dgn, mendampingi; 2. ki menolong, membantu;

menyampingkan 1. menyisihkan (ke tepi), mengetepikan; 2. menganggap tidak penting, menyingkirkan; 3. meletakkan bersama-sama dgn, mendampingkan;

tersamping terletak di samping (di tepi, di sisi), tersisih, tersingkir: *oleh sebab pengarang itu amat kontroversi, dgn sendirinya dia ~;*

sampingan yg turut terdapat (timbul, digunakan, dll) selain yg asas atau yg utama: *masalah kecil dan ~ yg boleh diselesaikan; hasil ~ hasil yg turut diperoleh drpd usaha utk menghasilkan sesuatu, hasil lain di samping hasil yg utama; kesan ~ kesan lain di samping kesan yg utama.*

samping II sj kain sarung yg dipakai selepas dipakai seluar (pd pakaian Melayu) dan biasanya dr pinggang hingga ke paras lutut sahaja;

bersamping memakai kain di sebelah luar seluar (pd pakaian Melayu), memakai samping.

sampir I bahagian sarung keris yg di atas sekali.

sampir II; menyampirkan menggantungkan (sesuatu) pd ampaian, menyidaikan (kain dll);

tersampir tergantung;

sampiran 1. tempat menyidai (kain dll), ampaian, gantungan; 2. pembayang maksud (pd pantun).

sampu I sj penyakit (yg berpanjangan dan boleh menguruskan badan); ~ *pening* penyakit selalu pening-pening;

menyampu menawarkan (menghentikan) penyakit yg dipesonakan orang.

sampu II sj tumbuhan (pokok);

~ *dingin* sj tumbuhan (pokok), *Vernonia chinensis*; ~ *pucat* sj tumbuhan (pokok), *Hedyotis congesta*; ~ *tikus* sj tumbuhan (pokok), pecah payung, *Ixora crassifolia*.

sampuk = **menyampuk** **1.** melanggar sesuatu (ketika berjalan); **2.** menangkis atau menepis (pukulan dll); **3.** mengganggu kesehatan (oleh hantu), merasuk (oleh hantu): *kenapa budak itu terjerit-jerit sahaja, disampuk hantu agaknya*; **4.** mencelah (percakapan orang), memotong cakap, mencampuri (hal orang lain): *Azlan tidak sedikit pun menyampuk sehingga ayahnya habis bercakap*;

menyampukkan melanggar, menghantukkan;

tersampuk **1.** terlanggar atau terhantuk (ketika berjalan), tersandung; **2.** jatuh sakit (kerana diganggu hantu), keteguran: *anaknya ~ hantu petang tadi*.

sampul sarung (surat, bantal, dll), pembungkus, penyalut; ~ *bantal* kain pembungkus bantal; ~ *buku* penyalut buku (kertas, plastik, dll); ~ *duit* sarung drpd kertas berwarna yg digunakan utk mengisi duit yg diberikan pd hari raya, perkahwinan dsb; ~ *surat* sarung drpd kertas, biasanya berbentuk segi empat tepat, utk mengisi surat dsb yg hendak diposkan dsb; ~ (*surat*) *hari pertama* (Pos) sampul surat yg berselem istimewa dan bercap tarikh keluaran hari pertama bagi memperingati sesuatu peristiwa;

bersampul berbungkus, bersalut, bersarung; *anak* ~ anak yg dilahirkan berbungkus dgn kulit tipis (dianggap kebal);

menyampul memasukkan ke dlm sampul, membungkus, menyalut.

sampun; menyampun membiarkan panjang (rambut).

sampur Jw sj selendang atau sabuk (yg dipakai ketika menari).

samsam Kd orang Melayu (Islam) yg bercakap Siam, peranakan Melayu Siam.

samseng C, bp ark melawat (orang mati).

samseng (samséng) C penjahat (suka merompak, menyamun, dll):
lagaknya persis seorang ~ yg ganas;

kesamsengan hal (sifat, perilaku dsb) yg berkaitan dgn samseng:
ada juga yg menunjukkan kebiadaban dan ~ mereka dlm bilik darjah.

samsu C sj minuman keras (arak).

samudera lautan: *masing-masing melihat jauh ke tengah ~.*

samum Ar angin panas (di padang pasir).

samun I = ~ *sakal* perampasan dgn paksa (aniaya); ~ *sakal berdarah tangan* prb sesuatu yg diperiksa (disiasat) hendaklah ada buktinya;

menyamun merampas di tengah jalan dll (dgn paksa): *lapan orang lanun telah ~ sebuah perahu nelayan;*

samunan hasil rampasan;

kesamunan kehilangan kerana disamun orang;

penyamunan perihal menyamun, perampasan;

penyamun orang yg menyamun.

samun II; ~ *gurun* tumbuh-tumbuhan (semak dan belukar) di kawasan yg berhampiran dgn padang pasir; *semak* ~ semak dan belukar.

samurai (Jepun) **1.** sj kasta bangsawan (ketenteraan) pd zaman feudal Jepun; **2.** anggota kasta ini.

sana I 1. tempat yg jauh atau yg dianggap jauh: *di dlm kolam ~, ramai orang yg sedang mandi;* **2.** bp dia, orang yg ketiga; *pihak* ~ pihak lawan (dlm permainan dll);

di sana tempat yg jauh (dr orang yg bercakap): *mereka telah sampai ~ pukul tujuh pagi;* ~ *sini* di merata-rata tempat;

ke sana menghala ke tempat yg jauh (lain): *bawalah tong sampah ini ~; ~ ke mari* pergi balik, pulang balik;

kesanakan ark sebelah sana, jauh sedikit;

dikesanakan **1.** dibawa (dialih, dianjak, dll) ke sana; **2.** dikeluarkan (drpd kumpulan, keluarga, dll).

sana II tempat, tempat duduk (dlm kata majmuk); *singgah~* takhta kerajaan.

sana III □ → □ **angsana**.

sanad Ar rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yg digunakannya utk sampai kpd matan: *hadis itu telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari dgn ~ yg sama*.

sanak 1. = ~ *saudara* orang-orang yg seketurunan (sekerabat), orang-orang yg sekaum keluarga: *saya senang hati dapat berhadapan muka dgn ~ saudara*; **2.** NS saudara sebelah ibu, kemanakan;

bersanak = ~ *saudara* mempunyai kaum kerabat, berkaum kerabat;

menyanak menganggap diri sbg sanak (dlm keluarga orang lain);

persanakan perihal hubungan kekeluargaan, kekerabatan: *kajian tentang ~ bermula hampir satu abad yg lalu*.

sanan I Mn sana.

sanan II Kd sj bau yg busuk (bau badan pemanjat kelapa).

sanat Ar tahun, tarikh; ~ *Hijrah* tahun (tarikh) Hijrah.

sanatorium tempat utk rawatan perubatan dan pemulihan (terutamanya bagi orang yg telah lama sakit) dlm keadaan persekitaran yg nyaman dan selesa.

sanatu Br di sana, di situ.

sanatulhijrah Ar tahun (tarikh) Hijrah.

sanbal (Parsi) narwastu.

sanca sj ular sawa.

sanda I sl kep sahayanda, saya, hamba.

sanda II Mn gadai;

menyandakan menggadaikan.

sandak I; menyandak memendekkan tali kail, menyentak.

sandak II Br sj alat utk mengorek tanah.

sandal sj alas kaki yg bahagian tapaknya agak rendah dan bahagian atasnya pula tidak menutupi bahagian kaki sepenuhnya;

bersandal memakai sandal: *ada yg berkasut, ~ atau berterompah sahaja.*

sandang I tali dll yg diselendangkan di bahu (disilangkan di dada) utk membawa sesuatu; *sayap ~ selepang* (rantai emas) yg disilangkan di dada; *kata ~* (Lin) kata penyerta;

menyandang 1. membawa sesuatu dgn tali dll yg diselendangkan di bahu: *~ senapang; ketika bertanya itu, ia sedang ~ kameranya;*

2. memikul, memanggul: *~ pedang; orang yg membawa persalinan itu semuanya ~ tetampan kekuningan;*

3. ki menanggung atau menderita sesuatu (kesusahan, kesakitan, dll): *~ derita;* **4.** ki menjawat sesuatu pekerjaan (tugas dll), menjabat, memegang gelaran (pangkat dll): *jawatan Timbalan Perdana Menteri itu telah lama benar disandangnya;*

menyandangkan memikulkan, menyuruh memanggul;

penyandang 1. orang yg menyandang sesuatu (di bahu); **2.** orang yg menyandang (memikul, memanggul); **3.** orang yg menyandang (sesuatu jawatan dsb).

sandang II; *~ pangan* Jw barang-barang berupa pakaian dan minuman.

sandang III; *~ gawai* (Palembang) mengupah orang lain utk mengerjakan tugas sendiri (rodi).

sandang IV; *rumpit ~* sj tumbuhan (rumpai), *Fimbristylis globulosa.*

sandar I; bersandar 1. = **menyandar** meletakkan belakang (bahu, dada, dll) pd sesuatu supaya teguh atau selesa, duduk dll sambil bertopang (bersangga) pd: *Awang Sulong pun tidurlah ~ di banir kayu besar; ayah sedang ~ di kerusi membaca surat khabar;* **2.** = ~ pd (ke, atas) berharap (bergantung) pd, beralasan (berdasar) pd: *mereka terlalu sangat ~ kpd bantuan dr luar negeri;*

bersandarkan bersandar pd: *baginda menjalankan pemerintahan dgn bersandarkan apa yg telah dipelajarinya;*

sandar-menyandar saling bersandar, tolong-menolong, bantu-membantu: *kerjasama dan bantu-membantu dlm masyarakat orang yg beriman itu, samalah spt hubungan yg rapat dan ~ yg erat sesebuah bangunan;*

menyandari mengadakan (memasang, mengenakan) tempat utk bersandar, memberi tempat bersandar, menopang (menyangga, menyokong, dll): *maka Sultan Mahmud Shah pun minta sandari pd Seri Nara Diraja;*

menyandarkan 1. meletakkan (membiarkan dll) bersandar pd: *seorang laki-laki berdiri ~ badannya ke daun pintu;* **2.** mengharapkan atau menggantungkan (pertolongan, nasib, dll) pd: *~ rezekinya pd orang yg dermawan;* **3.** meletakkan (mengasaskan) pd sesuatu yg digunakan sbg dasar (alasan, bukti, dll), mendasarkan: *dlm soal perkahwinan, engkau ~ pendapat engkau pd agama; dia tidak ~ tulisannya pd karya-karya sasterawan tanah air;*

sandaran 1. = **persandaran, penyandar** tempat bersandar atau utk menyandarkan sesuatu: *akhirnya orang muda itu mengampai ke ~ kerusinya;* **2.** bantuan, sokongan: *mereka berdoa memohon ~ drpd Tuhan; ini semua hanya prasangka buruk dan tidak mempunyai ~ sejarah.*

sandar II = **sandaran** sesuatu yg dijadikan cagaran atau jaminan (dlm berhutang dll), gadai, petaruh;

menyandarkan memberikan sesuatu utk jaminan (dlm berhutang), menggadaikan;

tersandar dijadikan cagaran (jaminan hutang), tergadai.

sandar III; ~ *malam* sj tumbuhan (herba), kerak nasi, *Polianthes tuberosa*.

sandel; *kuda* ~ kuda dr Sumba.

sandera sl orang yg tertawan atau tergadai utk tanggungan hutang dll;

menyanderakan menjadikan hamba (kerana berhutang).

sandi (Lin) ubah suaian bunyi pd bentuk-bentuk tatabahasa yg digandingkan, boleh berupa elipsis, pemendekan, dll (mis hala + laju = halaju, se + orang = seorang).

sanding I dekat, damping, hampir;

bersanding 1. duduk bersebelah-sebelahan (berjajar, berdamping, spt pengantin di atas pelamin, dll): *mereka sedang ~ di atas pelamin*; **2.** ki ark setanding, setaraf;

menyandingi 1. mendampingi; **2.** menandingi;

menyandingkan, mempersandingkan mendudukan bersanding (pengantin dll), meletakkan bersebelah-sebelahan: *nanti akan datang waktunya kamu akan dipersandingkan pula*;

sandingan 1. jodoh, pasangan; **2.**imbangan, tandingan;

persandingan perihal bersanding: ~ *kedua-dua pengantin itu akan dilangsungkan esok*.

sanding II sudut (penjuru, bucu) yg tajam pd sesuatu;

bersanding 1. berbucu (bersudut) tajam; **2.** ki bisa atau tajam (perkataan dll); *bulat bersegi*, ~ *melukai* prb orang yg nampaknya lurus tetapi tidak dapat dipercayai.

sandiwara 1. pertunjukan cerita yg dilakonkan oleh orang, pementasan cerita, setambul, tonil: *mereka bersetuju utk mengadakan ~ pd Hari Ibu Bapa nanti; bintang ~*; **2.** sesuatu kejadian yg tidak sungguh-sungguh (utk mengabui mata sahaja dll);

bersandiwara 1. bermain sandiwara: *dia pandai ~, lakonannya memberi kesan pd penonton*; **2.** berbuat sesuatu dgn tidak sungguh-sungguh (utk mengabui mata dll): *ia selalu memancing-mancing dulu reaksi, selalu ~ dulu, selalu berputar-putar dulu, berbohong dulu*;

menyandiwarkan 1. melakonkan sandiwara, mementaskan: *cerita itu pernah disandiwarkan di radio*; **2.** mengarang cerita sandiwara drpd cerita biasa; **3.** ki memainkan, mempermainkan;

persandiwaraan bidang, hal, dll yg berkaitan dgn sandiwara: *zaman sebelum perang adalah dianggap sbg zaman pembaharuan atau pengenalan pengaruh Barat dlm ~ Indonesia*.

sando Id sj alat (spring) utk melatih kekuatan.

sandung I = sandungan tempat menginjak pd perkakas tenun, injak-injak.

sandung II; menyandung melanggar sesuatu (dgn kaki);

tersandung 1. terlanggar atau terhantuk (kaki) pd sesuatu: *kakiku ~ pd sebatang akar getah*; **2.** ki mendapat sesuatu rintangan (kesusahan dll);

sandungan = batu ~ rintangan (galangan, halangan, dll); **sandung.**

sandung III ark; **sandungan** ayunan, buaian.

sandwic dua keping roti yg biasanya disapu mentega dan dibubuh sardin, telur, dsb di antaranya.

sang I kata sandang yg lebih hormat drpd si, a) depan nama orang dll yg dimuliakan: *S~ Arjuna; S~ Samba; S~ Sepurba; S~ Nata*; b) di depan nama benda yg dimuliakan: *S~ Saka Merah Putih; S~*

Surya; c) di depan nama binatang (dlm cerita-cerita): *S~ Kancil*;
d) bp di depan sesuatu yg dianggap sbg benda hidup: *~ api*; e) bp
sbg ejekan: *~ menantu*; *~ suami*;

persangan sl orang-orang yg bergelar sang (sbg penghormatan):
maka disuruh jemput orang itu, jika ~ orang kecil menjemput dia.

sang II; *~ serok* sj burung, *Arborophilla charltonii*; *~ serok gunung* sj
burung, *Arborophila brunneopectus*; *~ serok rimba* sj burung,
Caloperdix oculatea.

sanga I tahi leburan, buih berserta kotoran yg lain (drpd logam yg
dileburkan); *~ bes* hasil sampingan (campuran beberapa sebatian
drpd pembuatan keluli) yg boleh dibuat baja.

sanga II; **tersanga-sanga** tergopoh-gopoh.

sangai I tudung saji.

sangai II Mn; **bersangai** berdiang, berjemur, berpanas: *ia
memperlihatkan tangannya yg sudah kisut, sudah hitam ~ dgn
panas*;

menyangai 1. memanaskan (menjemur, mendiang, dll); **2.**
menggoreng tanpa minyak, merendang;

tersangai 1. (telah) disangai; **2.** tidak diminta orang (gadis).

sangap Jh, Ml menguap: *sekali-sekala dia ~ dan menggeliat di tempat
duduknya.*

sangar I Jk mendatangkan bala (bencana dll).

sangar II Mn bau spt bau bawang.

sangat 1. terlalu, terlampau: *bilangan murid yg mendapat sijil pertama
~lah sedikit*; **2.** hebat, kuat, menjadi teruk: *susahanya amat ~;
penyakitnya bertambah ~*; **3.** benar-benar (sungguh-sungguh,
sememangnya, dll): *mereka mahu ~ mendengar cerita itu; apakah
~ apa pentingnya (mustahaknya dll)*;

sangat-sangat 1. terlalu (terlampau dll) sangat, amat sangat: *cermin itu suatu benda yg ~ ajaib; elektromagnet adalah ~ berguna;* 2. sungguh-sungguh benar: *burung dan binatang mamalia ~ mengambil berat akan keselamatan anak mereka;*

bersangatan amat (terlalu) sangat: *seluruh anggotanya telah letih lesu oleh ~ penat;*

menyangat menjadi lebih hebat (kuat, teruk, dll): *dr sehari ke sehari semakin ~ sahaja sakitnya itu;*

menyangatkan menjadikan hebat (kuat, teruk, dll);

mempersangat menjadikan bertambah sangat, menjadikan lebih (hebat, kuat, teruk, dll);

tersangat terlalu sangat, teramat sangat: *penyakit ini ~ mudah berjangkit;*

kesangatan 1. perihal sangat, keterlaluan; 2. teramat sangat: *segala orang Melaka tidak boleh berdiri di pantai, drpd ~ bedil Peringgi itu.*

sangau sj tumbuhan (lumut di laut utk membuat agar-agar), *Gelidiopsis rigida.*

sangga I benda yg digunakan utk menopang (menahan dll) dr bawah; ~ *bunuh* sl azimat atau tangkal (supaya tidak terbunuh dlm peperangan dll); ~ *galah* cagak tempat meletakkan galah (di perahu); ~ *layar* cagak tempat meletakkan layar (ketika berlabuh); ~ *mara* a) galah yg berkait utk menolak dan meraih perahu; b) ganja atau besi melintang pd pangkal mata tombak; ~ *payung* besi dll yg menahan payung supaya terbuka; ~ *pedang* besi palang di atas hulu pedang; ~ *penetap* perkakas yg digunakan utk menetapkan kedudukan benda kerja (ketika melarik dgn jentera); ~ *tuas* benda yg menyangga tuas jika menuil sesuatu dgn tuas;

bersangga 1. ada sangganya, mempunyai atau memakai sangga, ditopang atau ditahan dgn sesuatu; **2.** ki mempunyai sesuatu sbg sandaran, sokongan dsb, berpegang (pd): *kita sepatutnya melipatgandakan usaha, bukannya setakat ~ pd cakap-cakap sahaja;*

menyangga menopang (menahan) dr bawah, menyokong: *tiub teropong itu disangga oleh suatu kaki andas yg berat dan kejal;*

penyangga benda yg digunakan utk menyangga (menopang, dll):
~ *senapang.*

sangga II; ~ *berduri* sj tumbuhan (pokok renek), *Sida rhombifolia.*

sangga III Kl **1.** balasan hantaran (pd hari perkahwinan); **2.** menahan (menepis, menangkis) serangan atau pukulan dgn tangan.

sangga IV Jw ukuran banyak padi (banyaknya lima ikat).

sangga V Kd; *tak* ~ terlalu, sangat: *besar tak ~.*

sanggah I; menyanggah 1. membantah, menyangkal: *dia boleh bermulut keras kepadaku dan ~ kataku;* **2.** melawan, menentang: *raja adil, raja disembah, raja zalim, raja disanggah;*

menyanggahkan sl menyanggah: *kapal armada itu tiada dapat kita ~ di laut;*

sanggahan bantahan atau tentangan (terhadap sesuatu): *lekas benar dia mengalah apabila menerima ~ drpd isterinya;*

penyanggahan perihal menyanggah, pembantahan, penentangan;

penyanggah orang yg menyanggah, pembantah, penentang: *budak itu tidak derhaka, tidak ~ orangnya.*

sanggah II ark tempat pemujaan dlm rumah (di Bali).

sanggam ark; **menyanggam** meminjam (perahu, basikal, dll) sebentar sahaja.

sanggama (Sanskrit) bersetubuh;

bersanggama melakukan hubungan jenis, bersetubuh;

persanggamaan persetubuhan.

sanggan 1. sj bokor berkaki (tempat membawa hantaran), cerana; **2.** Mn sj bakul drpd rotan atau lidi (tempat pinggan mangkuk).

sanggar Jw 1. sl tempat pemujaan (dlm rumah), sanggah; **2.** rumah atau bahagian drpd rumah yg kemas teratur (tempat mengerjakan sesuatu).

sangat = tersangat terkandas (perahu, kapal, dll), terdampar.

sanggep Id ark; **menyanggep** menangkis (menepis dll) pukulan.

sanggerah pemantikan urat (utk mengeluarkan darah kotor);

menyanggerah mengeluarkan darah dgn memantik (urat darah).

sanggeraha sl; **bersanggeraha** berhenti beristirahat (berehat).

sanggit; bersanggit 1. bergeser atau bergesel (kereta dgn kereta, dahan dgn dahan, dll); **2.** ki bertentang (pendapat, fikiran, dll), berselisih; **menyanggit** = ~ *gigi* menggesekkan (mengeritkan, mengetap) gigi.

sanggrah; pesanggrahan rumah persinggahan (rehat).

sanggul gelung atau simpul rambut perempuan, kundai; jenis-jenisnya: ~ *ayam mengeram*, ~ *bulat*, ~ *kelung*, ~ *lintang*, ~ *miring*, dll; ~ *Fatimah* sj azimat pelias;

hang tak kurang ~, *aku tak kurang tenggek* prb hilang yg satu masih ada lagi gantinya yg lain (laki-laki dan perempuan); *terlintang oleh* ~ prb suami yg selalu menurut kata isterinya;

bersanggul 1. memakai sanggul: *rambutnya ~ lintang sangkut*; **2.** sedang mengenakan sanggul;

menyanggul, menyanggulkan mengenakan (memasang) sanggul: *maka disanggulnya rambut yg terurai*.

sanggup 1. bersedia (utk melakukan sesuatu dll), rela, sudi: *tiada siapa yg ~ mendengar dongeng itu lebih lanjut*; **2.** boleh atau mampu (melakukan sesuatu): *bahasa Melayu ~ mengambil peranan sbg*

Bahasa Kebangsaan di Tanah Melayu; pak ~ a) lelaki yg mengahwini perempuan yg sedang hamil (tetapi bukan dia yg menyebabkan kehamilan itu); b) cina buta;

menyanggup sanggup melakukan sesuatu: *janganlah kamu ~ saja;*

menyanggupi **1.** menyatakan sanggup (utk melakukan sesuatu), menerima dan bersedia, merelai: *demikian sumpah ayahku ketika permintaan itu diterima, dan engkau pun ~nya pula;* **2.** menyatakan atau menjadikan boleh (kuasa, mampu): *tidak seorang pun yg berani ~ cabaran itu;*

kesanggupan **1.** kesediaan (kerelaan dll) utk melakukan sesuatu: *kalau ada ~ berunding, maka ada harapan baik utk menyelesaikannya dgn damai;* **2.** kebolehan, kemampuan: *kaum wanita juga mempunyai ~ utk memegang jawatan sbg penyelia itu;*

berkesanggupan mempunyai (menunjukkan) kesanggupan, sanggup: *pelajar di sekolah menengah sudah ~ utk menerima pengajaran melalui penyampaian hukum-hukum bahasa yg dipelajarinya.*

sanggurdi tempat berpijak (pd kuda tunggang), rakap.

sangih Mn berasa penuh atau senak perut (kerana kekenyangan), segar, senuh.

sangir taring, siung;

tersangir tersengih (menampakkan sangir).

sangit Jw hangit.

sangka I **1.** pendapat yg hanya diagak-agak sahaja, dugaan, kira: *pd ~nya tuan hamba berani; mak cik ~ saya yg mencuri getah mak cik?; tiada ~ sl tiada terkira (terperi, terkhabar, dll);* **2.** keraguan, kekhuatiran, syak, waham: *timbul syak dan ~ dlm hatinya;*

bersangka 1. mengira, menaksir, menduga, mengagak: *janganlah sekali-kali tuan-tuan yg membaca surat ~ bahawa aku memuji diriku*; **2.** menaruh syak, berasa sangsi, ragu-ragu, waswas: *jangan kita mudah ~ buruk terhadap orang lain*;

menyangka 1. menduga, mengira: *ada orang ~ bahawa kanak-kanak lebih senang mengingat sesuatu drpd orang dewasa*; **2.** menaruh syak, mencurigai: *biarlah orang lain ~ jahat akan ibu*; **3.** menganggap spt, mengira sbg; *yg disangka tidak menjadi, yg diam boleh ke dia prb orang lain yg berikhtiar, orang lain pula yg memungut hasilnya*;

tersangka 1. diduga, dikira; **2.** disyaki, dicurigai;

sangkaan, persangka, persangkaan apa yg disangka, dugaan, kira-kiraan, curiga, syak: *janganlah kamu menaruh ~ yg buruk-buruk; apa dipedulikan pd persangkaan orang terhadap kita*;

penyangka orang yg menyangka.

sangka II sj lokan yg besar (utk dibuat serunai atau tetuang).

sangkak I 1. = ~ kayu cabang kayu; **2.** = ~ ayam sarang ayam (yg sedang mengeram), petarangan, terak, sangkar ayam; *menjunjung ~ ayam prb mendapat malu besar*;

menyangkak 1. = ~ bulu tegak bulu roma (kerana takut, seram, dll); **2.** = ~ hatinya marah, meradang.

sangkak II; menyangkak, menyangkaki 1. menggalangi, menyawar, merintang; **2.** menentang, melawan.

sangkakala 1. sl sj serunai drpd kulit kerang; **2.** trompet.

sangkal bantah: “*Tidak, itu tidak benar sama sekali*”, ~nya;

bersangkal 1. tidak menurut atau mengikut (perintah dll), mengabaikan (pekerjaan, tugas, dll): *mengapa maka engkau ~ pula akan pekerjaanmu itu?* **2.** tidak mengaku, berdalih, berdusta:

walaupun bukti-buktinya sudah nyata, tetapi dia tetap juga ~ di hadapan tuan hakim;

menyangkal 1. tidak mengakui (kebenaran, kenyataan, dll), tidak mengiakan: *pegawai itu telah ~ berita yg mengatakan ia akan berhenti;* **2.** membantah, melawan, menentang, menolak, menyanggah: *selama ini tulisan-tulisan orientalis Barat tidak pernah disangkal orang;*

sangkalan bantahan, sanggahan: *kerana tidak adanya ~ secara ilmiah, maka kita mengikut sahaja apa yg dilakukan oleh mereka;*

penyangkalan perihal menyangkal (membantah dll), penafian;

penyangkal orang yg menyangkal; ~ *Allah* orang yg tidak mengakui akan wujudnya Allah (orang yg kufur).

sangkala ark masa, waktu.

sangkan laki-laki yg bertabiat perempuan, banci, papak.

sangkap I Mn genap atau cukup (bilangan dll).

sangkap II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Piper febrifugum*.

sangkap III Br sj alat utk menangkap ikan (matanya bercabang dua tau tiga), serampang;

menyangkap menikam ikan dgn sangkap.

sangkar I = sangkaran kurungan (burung dll); ~ *ayam* a) kurungan ayam; b) sangkak, petarangan, terak, sarang;

menyangkarkan memasukkan ke dlm sangkar.

sangkar II; *bujur* ~ empat persegi; *dua meter bujur* ~ dua meter persegi.

sangkil I 1. sampai atau tercapai; **2.** kena tepat, mengenai; **3.** mujarab atau serasi (ubat).

sangkil II Jh; *tak* ~ tidak disangka.

sanging □ → □ **saking**.

sangku mangkuk (drpd tembaga atau kuningan) tempat membasuh tangan.

sangkuh Br sj alat bermata satu (spt tombak) yg digunakan utk menangkap ikan.

sangkur = *mata* ~ pisau yg dilekatkan pd hujung senapang, bayonet.

sangkut sl = **tersangkut** terpikat: *lagi pula rasa hamba pun ~ melihat muka tuan hamba;*

bersangkut 1. bergantung, berpaut, berpegang: *ilmu yg menjadi tempat ~ kepercayaan;* **2.** = **bersangkutan** bersangkut paut: *sifat mereka itu pun, pd umumnya, tiada memantangkan barang sesuatu pekerjaan yg ~ dgn kewujudan dan maksudnya;* **3.** = **bersangkutan** terlibat (dlm sesuatu perkara), berkenaan, berhubungan: *hal besar-besar yg ~ dgn pemerintahan dan kerajaan; orang yg bersangkutan itu ayah dan abangku sendiri;*

menyangkut 1. menggantung (pd kait dll), memaut, menggayut: *dia ~ lampu itu di tengah-tengah ruang rumahnya;* **2.** bersangkutan dgn, berkaitan (bertalian) dgn: *empat drpd kriteria ini bersifat ekstrinsik belaka, iaitu yg ~ soal kemanusiaan dan kemasyarakatan;*

sangkut-menyangkut hubungan, kaitan, kena-mengena;

menyangkutkan 1. menggantungkan (pd kait dll), memautkan, menggayutkan: *lempengnya itu pun disangkutkannya pd sigai tempat ia memanjat pohon itu;* **2.** = **mempersangkutkan** menjadikan kait-mengait, melibatkan, mengaitkan, menyangkutpautkan: *satu krisis besar pernah berlaku yg ~ menteri; ~ hati ki menumpukan cinta;*

tersangkut 1. tergantung pd sesuatu, terletak pd sesuatu (seluar pd duri dll): *beg tangan putih yg ~ di jenjang kerusi;* **2.** terlibat sama, terbawa masuk, terbawa-bawa: *kelima-lima orang ini tidak ~ dgn kejadian merompak itu;* **3.** tertumpu pd (pandangan), terlekat: *pandangannya ~ pd parut di bawah siku tangan kanannya;* **4.**

terhenti (perjalanan): *di mana ~, di situlah singgah*; **5.** = ~ hati jatuh hati kpd, terpikat;

tersangkut-sangkut terputus-putus, tertahan-tahan, gagap (percakapan dll): *aku bertanya dlm bahasa Inggris dgn cara yg ~*;

sangkutan 1. penyangkut; **2.** gangguan (halangan dll);

persangkutan perhubungan, pertalian;

penyangkut tempat menyangkut sesuatu.

sangkut paut 1. hubungan atau kaitan (dlm beberapa perkara dll):

ceritanya itu ada ~ pautnya dgn sejarah; **2.** kena-mengena (dlm hal kekeluargaan dll), bertalian: *orang itu tidak ada ~ paut dgn kita*; **3.** kaitan hutang-piutang (bayar-membayar);

bersangkut paut ada kena-mengena, berkaitan (dgn), bertalian (dgn): *karangan hendaklah drpd perkara-perkara yg ~ dgn pekerjaan yg dibuat*;

menyangkutpautkan menjadikan kait-mengait, melibatkan, mengaitkan: *banyak tohmahan dan cerita karut yg ~nya dgn projek-projek kerajaan*.

sangling Jw; **menyangling** mengumpan, mengilapkan (emas, perak, dll).

sangluat Pr kandang kerbau jalang.

sanglur Kd gugur anak (pd binatang).

sangrai; **menyengrai** Id menggoreng sesuatu (kacang tanah dsb) tanpa minyak, merendang, menyangai: *padi pulut yg telah dibasuh itu disangrai di dlm kualiti tebal hingga menjadi bertih*; *dia ~ satu camca ketumbar*.

sangsai Mn melarat, sengsara.

sangsang Jk; **menyangsang** menyangkut;

tersangsang tersangkut.

sangsi I = **bersangsi** (berperasaan) ragu-ragu, syak: *mereka berasa ~ adakah perubahan itu akan mendatangkan kebaikan atau sebaliknya;*

menyangsikan menaruh syak akan, meragu-ragui: *mengapa pula kita mesti ~ perhubungan mereka?*

kesangsian perihal sangsi, keragu-raguan: *tindakan masih belum tegas, masih penuh diselubungi ~;*

penyangsi (orang yg) selalu sangsi, (orang yg) tidak mudah percaya.

sangsi II IB **1.** pengakuan sudah sah (diluluskan dll), perbuatan meluluskan, pengesahan (oleh parlimen dll); **2.** tindakan (kuasa dll) utk memaksa orang menepati perjanjian dll; **3.** tindakan dlm hal ekonomi dll sbg hukuman terhadap sesuatu negara (spt pemulauan dll).

sangu Jw bekal.

sangulun sl (paduka) tuanku, tuan hamba.

sangyang sl sebutan kpd dewa: ~ *dewata*.

sani I Ar indah, mulia.

sani II Ar yg menjadikan.

sanitasi sistem kawalan kebersihan awam, termasuk bekalan air bersih, pembuangan sampah dan pembuangan najis.

sanjai Mn tinggi lampai (bentuk badan).

sanjak → **sajak I**.

sanjung; menyanjung 1. sangat menghargai (sesuatu yg dianggap baik, berani, dll), meletakkan pd tempat (kedudukan) yg mulia, memuji: *mereka ~ tinggi kepala negara mereka; 2.* = ~ *hati* mengambil hati, memujuk: *pandai benar engkau ~ hati orang; penghulu disanjung dgn adatnya, orang alim disanjung dgn kajinya, orang muda disanjung dgn mudanya* prb a) kalau memuji orang

hendaklah dgn pujian yg kena pd tempatnya; b) mengambil hati orang hendaklah dgn perkara yg digemarinya;

menyanjung-nyanjung memuji dgn berlebih-lebihan, menghormati sangat-sangat, mengangkat-angkat: *hairan benar, mengapa pula majalah itu ~ namaku begitu sekali?*

sanjungan 1. penghormatan, pujian: *dgn kemenangan itu agama Islam telah tersebar dgn pesatnya dan mendapat ~ yg tinggi; 2.* suka dipuji-puji.

sano ark hilang akan (fikiran), lupa segala-galanya, bingung.

sanserif (sansérif) (Cetak) bentuk huruf (rupa taip) yg tidak mempunyai serif.

Sanskerta Sanskrit.

Sanskrit bahasa kesusasteraan Hindu kuno.

santa Id gelaran bagi wanita yg keramat (dlm agama Kristian): *S~ Maria.*

santai dlm keadaan rehat dan bebas, bebas drpd tekanan (desakan, ketegangan): *sesuai benar utk tempat berbincang tentang perkara-perkara yg rumit secara ~ tetapi mendalam;*

bersantai, bersantai-santai berbuat apa sahaja dgn bebas tanpa ketegangan, bersenang-senang (tidak mengalami tekanan atau desakan): *apabila persediaan sudah cukup, saya bekerja kadang-kadang ada ~-santai juga, bermalas-malas juga;*

menyantaikan menyebabkan atau menimbulkan rasa santai: *pemandangan di situ amat ~;*

kesantaian keadaan santai, keadaan sedang berehat-rehat dan bebas drpd tekanan: *setiap kali anak mahu berbual mesra dgn mereka, ini dianggap sbg gangguan terhadap ~ diri mereka itu.*

santak I; menyantak meninju, menumbuk.

santak II hingga (sampai) ke: *dr pagi ~ ke petang saya duduk keseorangan di rumah; katil itu diletakkan berderet-deret hingga ~ ke dinding; ~ kanan* bahan teks yg diatur huruf dan direka letak sejajar dgn jidar kanan halaman sesebuah buku, majalah, dll; *~ kiri* bahan teks yg diatur huruf dan direka letak sejajar dgn jidar kiri halaman sesebuah buku, majalah, dll.

santam sj tumbuhan (pokok renek), tarum akar, *Marsdenia tinctoria*.

santan air perahan kelapa yg telah diparut (dikukur);

~ dibalas dgn tuba prb kebaikan dibalas dgn kejahatan; *~ masuk ke pasu, hampasnya tumpah ke tanah* prb ketika berguna disayangi, sesudah tidak berguna dibuang; *kena-kena spt ~ bergula, tak kena-kena bagai antan pukul kepala* prb sesuatu perkataan itu kalau bersalahan tafsirannya jadi melarat, jika benar jadi kebajikan; *meramas ~ di kuku* prb meminta pd orang yg tidak mempunyai sesuatu; *spt ~ dgn tengguli* prb dua perkara (hal) yg berpadanan benar; *sunnguhpun lemak ~, akhirnya basi juga* prb orang yg cantik itu akhirnya akan tua juga.

santap = **bersantap** bd makan, minum: *~ ia ~ beradat, dua suap ketiga sudah; Seri Paduka kemudiannya telah bersantap tengah hari bersama pegawai-pegawai tinggi;*

menyantap memakan, meminum: *diambil tuan puteri buah asam itu disantapnya;*

santapan, persantapan **1.** makanan dan minuman, hidangan: *tengah baginda di penghadapan diangkat dayang nasi ~ ;* **2.** ki bahan bacaan yg menarik dan mencetuskan pemikiran: *akhbar-akhbar tempatan jarang benar dapat membekalkan ~ yg berfaedah utk pembaca.*

santau sj racun yg paling berbahaya (dibuat drpd berbagai-bagai ramuan);

menyantau memberi (seseorang) makan santau: ~ orang
sememangnya perbuatan yg keji.

santer Jk kuat (bunyi dll), nyaring.

santing Mn elok (bagus) sekali.

santir Mn = **santiran** **1.** tandingan, tolok banding; **2.** Id bayang (dlm cermin).

santo Id gelaran bagi orang lelaki yg keramat (dlm agama Kristian).

santun **1.** halus (budi bahasa atau budi pekerti), beradab, sopan: *sempurna tidak diduganya perempuan yg lemah lembut, sopan dan ~ itu telah berubah sikap; pakaian yg ~ dan ranggi ini biasanya dipakai ke majlis-majlis rasmi*; **2.** berasa kasihan (akan orang lain), suka menolong; *sudah merasa maka ~ prb setelah merasai sesuatu kesusahan barulah berasa belas kasihan akan penderitaan orang lain*;

menyantun, menyantuni menaruh belas kasihan, suka menolong (orang lain);

kesantunan perihal (sifat dsb) santun, kesopanan, kehalusan (budi bahasa atau budi pekerti): *baik dlm bahasa lisan ataupun tulisan, ~ itu sama pentingnya*;

penyantunan **1.** perihal menyantun(i); **2.** pemberian pertolongan;

penyantun **1.** (orang yg) halus budi bahasa, sopan: *dia gadis pemalu, pelajar dan ~*; **2.** menaruh belas kasihan (akan orang lain), suka menolong, baik hati: *engkau akan beroleh kemanakanan yg ~, yg tidak mengenal bosan dan jemu*; **3.** penolong, pembantu.

santung I Mn erat, rapat; ~ *pelalai* sj jampi utk menyekat perempuan drpd bersuami.

santung II; *sutera* ~ sj sutera buatan China.

sanubar ark pokok-pokok yg berbentuk kon.

sanubari = *hati* ~ **1.** jantung hati; **2.** perasaan dlm hati atau batin: *tidak ada cara yg tertentu utk menyelami isi sajak yg lahir drpd ~ penyairnya.*

sanuk; *burung* ~ sj burung, a) burung kerak, *Rhinortha chlorpphaea*; b) burung cenuk besar, *Rhopodyfes fristis longicandatus*.

sanya sebenarnya, sesungguhnya: *~lah kata saudara hamba itu; bahawa~* bahawa sesungguhnya.

sap = *kertas* ~ kertas (kain) lembut dan tebal yg boleh menyerap dakwat dan digunakan utk mengeringkan dakwat basah pd kertas selepas menulis;

mengesap mengeringkan dakwat dgn kertas (kain) sap.

sapa 1. tegur: "*Duduklah nona,*" *~nya lembut*; **2.** ramah: *raja itu murah sekali serta dgn tegur ~nya kpd rakyatnya;*

sapa-menyapa saling menyapa atau bertegur sapa, bersapa-sapaan: *banyak teman mulai ~; mereka sudah lama tidak ~;*

bersapa keteguran (oleh hantu dll);

bersapaan, bersapa-sapaan saling bertegur (bercakap-cakap), tegur-menegur;

menyapa mengajak bercakap-cakap, menegur: *seorang pun tidak ~ atau mengendahkan dia;*

tersapa 1. ark ditegur, diajak bercakap-cakap; **2.** disapa, keteguran (oleh hantu, orang halus, dll);

sapaan teguran, ajakan utk bercakap-cakap: *tiba-tiba terdengar ~ di dapur rumah; ~ salam* ucapan salam.

sapai Mn; *angin si ~~~* angin sepoi-sepoi.

sapan bp habis rosak, lenyap, musnah sama sekali, binasa: *semuanya sudah musnah, habis kena lanyak, habis kena sodok, ~ licau.*

sapar I pondok dlm hutan utk sementara sahaja (tidak teratur benar);

bersapar bermalam dlm sapar.

sapar II Br; **bersapar-sapar** bersekat-sekat (rumah dll): *rumahnya ~ menjadikannya berupa sebuah stor.*

sapat (Sunda) ark terpenggal.

sapau ark □ → □ **sapar I**.

sapenuh; *daun* ~ sj tumbuhan (herba), *Eurycles amboinensis*.

sapersi (sapérsi) sj tumbuhan (herba yg dibuat sayur), *Asparagus officinalis*.

sapi I 1. sj binatang yg rupanya spt lembu dan berwarna hitam, *Bos indicus*; **2.** Id lembu; *lembu punya susu*, ~ *dapat nama = kerbau sakit*, ~ *beroleh nama* prb orang lain yg berbuat kebajikan orang lain pula yg mendapat pujian.

sapi II; *pohon* ~ sj tumbuhan (pokok kecil), *Otophora spectabilis*.

sapih I ark lumpuh (mati) sebelah badan.

sapih II; **menyapih** menghentikan anak drpd menyusu;

sapihan = *anak* ~ anak yg baru sahaja dihentikan drpd menyusu.

sapir I IB bahagian tentera yg membuat jambatan (benteng dll).

sapir II IB penjaga penjara.

saprofagus (Bio) memakan bahan organik yg mati atau reput (bkn haiwan).

saprofit (Bio) tumbuhan yg hidup dgn memakan benda-benda yg reput (busuk).

saproplankton (Bio) plankton yg hidup dlm air yg tercemar.

saprozoit (Bio) haiwan atau tumbuhan yg bergantung hidup pd bahan organik yg mati atau reput sbg sumber makanannya.

sapta (Sanskrit) tujuh (dlm kata majmuk).

saptadarma Id kewajiban yg tujuh.

saptamarga Id jalan yg tujuh (tujuh fasal yg mesti dipatuhi oleh anggota tentera).

sapu I 1. alat (drpd lidi, sabut, roman, dll) utk membersihkan lantai dll: *dia membersihkan rumahnya dgn ~ lidi*; **2.** sesuatu yg digunakan utk membersihkan (mengesat, menghapus, dll);
~ *jagat* a) sj meriam besar; b) sj hantu hutan; ~ *tangan* a) kain segi empat (utk mengesat muka, peluh, dll); b) destar, setangan;
~ *tangan menali ayam* prb perihal kemiskinan yg amat sangat; *spt*
~ (*penyapu*) *diikat dgn benang sutera* prb sesuatu yg tidak kena pd tempatnya;

bersapu 1. (sudah) dibersihkan (dikesat dll) dgn sapu: *bilik saya belum ~*; **2.** (sudah) dilumas (diratakan sesuatu pd permukaannya): *bersama-sama susu lembu itu disediakannya juga tiga keping roti bakar ~ mentega*;

menyapu 1. membersihkan lantai dgn sapu: ~ *lantai*; **2.** mengesat, menghapuskan, mengusap: *sambil mengesat ia ~ air matanya*; **3.** = **menyapu-nyapu** mengesat-ngesat, menggosok-gosok, mengusap-usap: *dilucutkan kaca matanya, disapu kedua-dua belah matanya*; **4.** mencecah ke (kerana terlalu tinggi), sampai ke: *di dlm gelubur, gemal-gemal padi tersusun hingga ~ alang pondok*; **5.** melumas (dgn cat, kapur, dll): *rumah pengantin itu sedang dibaiki dan disapu cat*; **6.** melumur (bedak ke muka dll); **7.** bp melenyapkan sama sekali (wang dll), mengambil habis, membinasakan sama sekali: *wangnya habis disapu oleh Cik Rafeah*; ~ *bersih (licin)* mengambil (memperoleh, memenangi, dsb) kesemuanya;

menyapukan 1. menyapu utk orang lain; **2.** memakai sesuatu utk menyapu, menyapu dgn; **3.** melumurkan (melumaskan, menggosokkan, dll) sesuatu pd (sesuatu permukaan dsb): *maka oleh si pelulut ubat guna drpd Hang Nadim itu disapukannya pd*

tubuh Tun Teja; selepas pembersihan waktu hendak tidur, sapukan krim itu nipis-nipis pd muka dan leher;

tersapu 1. sudah disapu, sudah dibersihkan; **2.** (telah) dibinasakan (dirosakkan, dimusnahkan, dll): *haluan dan buritan masih berada di atas paras muka laut, tetapi bahagian tengah sudah ~ seluruhnya;*

sapuan 1. perihal (perbuatan dsb) menyapu: *dia merasai sesuatu drpd ~ hujung rambut perempuan itu;* **2.** hasil menyapu;

penyapu alat utk menyapu (membersihkan dll), sapu: *sebatang ~ lidi dikeluarkannya; ~ ranjau kapal utk membersihkan ranjau di laut; disambut dgn ~ tak bersimpai prb dihalau keluar dr sesuatu majlis kerana dibenci orang.*

sapu II Jw; menyapu memukuli dgn rotan (sbg hukuman).

sapu III; ~ *leman* sj tumbuhan (pokok renek), *Sida rhombifolia*.

sapu-sapu; ~ *ringin* sj permainan kanak-kanak (melunjurkan kaki dan disapukan jari di atas kaki itu).

sapung; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok), akar belalang puak, *Pittosporum ferrugineum*.

saput I lapisan yg tipis, selaput;

menyaput, menyaputi melitupi sesuatu dgn benda-benda yg tipis (embun, awan, selaput, dll): *masjid itu pun disaput orang dgn berbagai-bagai warna; di tengah tasik itu ada sebuah pulau sentiasa berasap spt disaput embun rupanya.*

saput II; *akar* ~ *tunggal* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kangkung janing, *Tylophora tenuis*.

saqar Ar neraka (yg keempat).

sar I bunyi spt bunyi angin kencang.

sar II Kl lembing utk menikam kelapa.

sara I 1. = ~ *hidup* keperluan utk hidup (wang, makanan, dll), nafkah: *suamilah yg berkewajiban berusaha mencari ~ hidup*; **2.** = wang ~ wang bantuan, wang sokongan hidup: *ia mendapat ~ drpd syarikat itu*;

bersara 1. berhenti bekerja (berkhidmat) apabila mencapai umur tertentu (kerana lanjut usia atau atas sesuatu sebab): *biasanya apabila kakitangan ini ~, mereka akan dibayar sugu hati*; **2.** berhenti drpd bergiat dlm sesuatu lapangan (spt kegiatan sukan): *bekas juara perseorangan wanita Indonesia itu telah ~ drpd arena badminton baru-baru ini*;

membersarakan menyebabkan (membuat supaya) bersara: *langkah ini diambil utk memudahkan pemimpin parti ~ Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri yg difikirkan perlu diganti*;

menyara menanggung sara hidup, memberi sara kpdt: *harta itu akan dapat ~ mereka hingga ke akhir hayat; mereka terpaksa ~ keluarga masing-masing yg berbilang mulut*;

saraan wang yg diberikan kpdt seseorang utk membantu kehidupannya: *~ ini akan berpanjangan sehingga ahli keluarga itu mampu berdikari*;

persaraan perihal (keadaan dsb) bersara, taraf atau kedudukan sudah bersara: *pengecualian cukai juga diberikan ke atas pendapatan drpd~*;

penyaraan perihal (perbuatan, usaha dsb) menyara: *kos ~ keluarga semakin meningkat sedangkan pendapatan mereka tidak bertambah*;

pesara orang yg sudah bersara (drpd bekerja atau berkhidmat);

penyara orang yg menyara: *sbg anak sulung, dia terpaksa mengambil alih tanggungjawab Almarhum ayahnya sbg ~ keluarga mereka.*

sara II; bersara turut serta (dlm sesuatu perkongsian dll).

sara III; ~-bara = *tersara-bara* kacau-bilau, kelam-kabut, tidak keruan: *maka orang pun larilah ~-bara.*

sara IV Mn; minta ~ = **bersara** minta pertimbangan (bagaimana baiknya).

sara V Kl pusat pd badan lembu.

sara VI Kl; tidak berapa ~ kurang waras (siuman).

saraf I Ar kajian tentang bentuk dan pembentukan kata (dlm bahasa Arab), morfologi; *ilmu ~ ilmu perubahan kata-kata; cucuku sudahkah mengaji ~ dan nahu?*

saraf II = *urat ~ urat* (tisu atau saraf) yg menghubungkan otak (atau cabang-cabang darinya) dgn bahagian-bahagian lain dlm tubuh badan: *~~ itu mengalirkan rangsang dr alat perasa masuk ke otak;*

~ aferen (Bio) saraf yg mengalirkan impuls dr bahagian badan ke sistem saraf pusat; *~ eferen* (Bio) saraf yg mengalirkan impuls dr sistem saraf pusat ke bahagian badan; *~ tunjang* (Bio) bahagian sistem saraf pusat yg terdapat dlm tulang belakang; *penyakit ~ gila*, tidak siuman.

sarah I Br, Mn serah.

sarah II Br sj peti drpd kayu.

sarak I cerai, pisah;

bersarak bercerai, berpisah; *~ serasa hilang, bercerai serasa mati* prb seseorang yg terlalu rindu kerana bercerai dgn orang yg dikasihi;

menyarak 1. menceraikan (isteri), memisahkan; 2. memberhentikan anak drpd menyusu, menyapih.

sarak II isi ramuan (dimasukkan ke dlm ketam, ayam, dll) yg dimasak.

saran I cadangan (fikiran, pendapat, dsb) yg dikemukakan; *memberi ~ mengemukakan cadangan;*

menyarani mengemukakan cadangan (fikiran dll) kpd;

menyarankan 1. mengemukakan (pendapat dsb), mengemukakan cadangan, memberi saran: *dlm tulisannya itu, Nik Hasan ~ supaya kerajaan bertindak menyelamatkan negeri Kelantan;* 2. menyebarkan di kalangan umum, menyiarkan, mempropagandakan: *dia pandai berpidato ~ cita-cita politiknya kpd rakyat;*

saranan hal yg disarankan (dikemukakan dll): *~nya mendapat sambutan drpd orang ramai;*

penyaranan perihal menyarankan sesuatu, pencadangan, pengutaraan: *~ kesamaan hak itu bukanlah semata-mata demi kepentingan golongan tertentu;*

penyaran pihak atau orang yg menyarankan sesuatu, pencadang, pengusul.

saran II KI pusat (pd tubuh manusia atau binatang).

sarana (segala) sesuatu yg dapat digunakan sbg alat dsb utk mencapai atau melaksanakan sesuatu: *bahasa Melayu hendaklah dibina agar dapat berfungsi sbg ~ yg benar-benar dapat menyampaikan ilmu secara berkesan; karya-karya sastera ialah wadah atau ~ utk menyatakan dunia masyarakat dan zamannya.*

sarang I 1. tempat diam burung dll (tempat berteduh, bertelur, memelihara anak, dll): *~ tempua; ~ lebah; ~ tikus;* 2. ki tempat persembunyian (lanun, perompak, samseng, dll): *di sini juga banyak ~ pengganas;*

~ *buaya* a) tempat kediaman (banyak) buaya; b) blok kayu atau tembaga utk mengecap kain batik; ~ *gagak* tempat melihat (pd tiang seri kapal layar); ~ *nanah* tempat nanah dlm bisul; ~ *pipit* a) sarang burung pipit; b) lesung pipit; *umpama orang memelihara dirinya dlm ~ lebah* prb mempertahankan diri di tengah-tengah musuh;

bersarang **1.** membuat sarang (burung, serangga, binatang kecil, dll), mempunyai sarang: *burung tiung ~ di hujung terap*; **2.** bertempat utk bersembunyi (perompak, penyamun, dll): *perompak-perompak itu ~ di dlm sebuah gua*; **3.** ki mengambil tempat di, menetap di: *penyakit malaria sudah ~ dlm tubuhnya; dia tidak berani membiarkan perasaan yg buruk-buruk itu ~ dlm kepalanya*; **4.** ki duduk dgn senang di: *ia ~ dgn leganya di atas sebuah kerusi*; **5.** kena (pukulan dll), masuk (tikaman, peluru, dll), tembus, lut: *kerisnya ~ dlm dada musuh yg menyerangnya*; **6.** Id masuk gol (dlm permainan bola sepak); **7.** = **bersarang-sarang** berlubang-lubang, banyak lubangnya: *saya tengok ~ tengkoraknya bekas peluru; betung bulat tak bersegi, pipit jantan tak ~* prb anak bujang yg bebas berjalan ke mana-mana;

bersarang-sarang **1.** banyak sarangnya; **2.** berlubang-lubang (ditembusi peluru dll), berkerawang.

sarang II; *akar ~ punai* sj tumbuhan (akar memanjat), akar kacang-kacang, *Dichapetalum deflexifolium*; *rumpit ~ buaya* sj tumbuhan (rumpai), a) *Ischaemum timorense*; b) *Ichnanthus vicinus*; *sakat ~ langsuir* sj tumbuhan (pakis), *Cyclophorus spp.*

sarangan Jw buah berangan.

sarang-sarang Br rangka tudung saji.

sarap I sampah (daun-daun kering, debu, dll): *dia mengibas-ngibas ~ ke tepi dinding dgn kain*; *sampah ~* berbagai-bagai sampah; ~ *sehelai*

dituilkan, batu sebuah digulingkan prb memeriksa dan menyelidik sesuatu dgn teliti;

menyarap 1. bertaburan (spt sarap): *kartu bertaburan, wang berserak-serak, rokok ~ di lantai*; **2.** ki tidak berguna, dianggap sbg sampah.

sarap II; menyarap 1. = **menyarapi** memberi berlapis atau beralas dgn barang-barang yg tipis (kain dll): *katil itu disarapi dgn kain putih*;

2. makan pagi: *sampai sekarang ia belum ~ lagi*;

sarapan 1. alas, lapik, lapisan; **2.** a) makanan pagi (sbg alas perut); b) makan pagi;

bersarapan mengambil sarapan.

sarap III sj penyakit kulit (pd kanak-kanak).

sarat 1. terlalu banyak (muatan, bebanan, buah, dll) hingga berat atau penuh: *maka pilu itu disuruh baginda isi dgn sagu rendang sampai ~; bagai pinang ~ berbuah; badannya sudah ~ dgn pakaian dan perhiasan*; **2.** ki penuh berisi (dgn air, fikiran, harapan, kesusahan, dll): *lapisan atas tanah itu ~ dgn air; dadanya ~ dgn harapan besar utk masa depan*; **3.** mengandung (hamil, bunting) dan hampir akan bersalin: *isterinya yg sudah ~ mengandung*;

menyarat, menyarat-nyarat ark penuh sekali, sangat penuh;

menyarati menjadikan penuh berisi, memenuhi.

sarau I Mn sial, celaka, malang: *sekali malang datang, dua tiga ~ menyusul*;

menyaraukan menjadikan sial (celaka), mencelakakan.

sarau II Id sj bakul besar.

saraung Br sj tutup kepala (topi).

Sarawak negeri di Malaysia yg terletak di barat laut Borneo, keluasan 1,129,500 km², Kuching sbg ibu negeri, Bumi Kenyalang.

saraya Jh; **menyaraya** menyuruh bekerja tanpa upah (hanya menanggung makan sahaja).

sardin **1.** sj ikan laut (biasanya ditinkan), a) *Harengula fimbriata*; b) *Harengula melanura*; c) *Amblygaster sirm*, dll; **2.** bp penuh sesak (orang dlm kereta dll), penuh sekali, tumpat: *orang dlm bas itu penuh sesak macam ~*.

sarean (saréan) **1.** Id ark sarjan; **2.** Jw ark kakitangan ketua kampung; **3.** = **serang** ketua kelasi.

sarer (sarér) Kl sj lumut laut.

sarhad sl batas, had.

sari I **1.** pati drpd sesuatu (makanan, buah-buahan, dll): ~ *susu*; **2.** bahagian yg penting (drpd karangan, berita, pelajaran, dll), isi pokok; ~ *kata* terjemahan dialog dlm filem yg disiarkan serentak dgn tayangan filem berkenaan; *inti* ~ pokok, isi; **3.** = *serbuk* (*tepung*) ~ Id debunga (pd tumbuh-tumbuhan); ~ *bunga* kelopak bunga;

menyarikan **1.** menghisap madu dr sari bunga (kumbang, rama-rama, dll); **2.** memetik pati sahaja (drpd karangan, berita, dll), mengikhtisarkan;

penyarian perbuatan (proses) memetik isi drpd karangan, berita, dll: ~ *data*.

sari II sl bunga: *puspa~*; *sang lir* ~ tuan yg spt bunga.

sari III sj pakaian tradisional wanita India;

bersari memakai sari: *wanita India yg ~ biru itu ialah rakan sekuliah saya dahulu*.

sarih Ar jelas, nyata, atau terang (makna): *ayat al-Quran itu adalah ~ dlm menetapkan prinsip akidah Islam*.

sarik sj buluh yg halus batangnya.

sarikan; *akar* ~ Id sj tumbuhan (pokok memanjat), akar guiuh, *Spatholobus ferrugineus*.

saring I; menyaring 1. membersihkan sesuatu (menerusi benda yg berlubang kecil-kecil), menapis: ~ *minyak*; **2.** ki memilih (utk mencari yg baik, elok, dll): ~ *pemohon-pemohon yg akan diambil bekerja*;

saringan 1. = **penyaring** penapis, tapisan; **2.** acara dsb utk memilih (yg baik, elok dll): *drpd jumlah ini, seramai 16 orang akan dipilih utk menjalani ~ bagi memilih 6 orang peserta paling baik*;

penyaringan 1. perihal (kerja, proses, dsb) menyaring, penapisan; **2.** perbuatan atau proses memilih (yg baik, elok, dll); **3.** yg telah disaring.

saring II Mn ramping, langsing.

sari pati isi atau pokok (drpd karangan dll); inti sari.

sarira sl badan, tubuh.

sarirah sj tumbuhan (pokok), *Acronychia laurifolia*.

sari salut bahagian luar drpd bunga (termasuk sari bunga dan salut bunga).

sarit Mn **1.** susah (hidup), sulit; **2.** ki miskin; **3.** = **sarit-sarit** jarang-jarang.

sarjan pangkat dlm tentera dan polis (lebih tinggi drpd koperal); ~ *mejar* pegawai polis yg pangkatnya satu tingkat di atas sarjan.

sarjana 1. orang yg pandai-pandai (bijak), ahli dlm ilmu pengetahuan, cendekiawan; **2.** gelaran orang yg telah melengkapai pelajaran di universiti (telah mendapat ijazah); ~ *muda* gelaran orang yg telah mendapat ijazah pertama di universiti (sebelum ijazah sarjana);

kesarjanaan 1. pengetahuan dan kemampuan seseorang sarjana, kepandaian, keahlian: ~ *ini penting di universiti*; **2.** hal-hal yg

berkaitan dgn sarjana: *nyatalah bahawa buku ini ialah sumbangan besar dlm perkembangan dan ~ Melayu.*

sarkas 1. sekumpulan penghibur yg terdiri drpd akrobat, badut, dsb serta binatang terlatih, yg menjelajah dr satu tempat ke satu tempat utk membuat pertunjukan; **2.** persembahan hiburan oleh kumpulan ini.

sarkasme (Sas) kiasan atau ironi yg mengandungi unsur-unsur kata yg pedas yg bertujuan utk menyakitkan hati seseorang, sindiran.

sarkastik bersifat menyindir (dgn kata yg tajam, pedas) yg boleh menyakitkan hati seseorang: *kata-katanya yg sangat ~ itu menyebabkan kami terpaksa berfikir panjang.*

saron sj alat bunyi-bunyian (dlm gamelan).

SARS kep *Severe Acute Respiratory Syndrome* (Sindrom Pernafasan Akut yg Teruk, iaitu penyakit salur pernafasan yg boleh membawa maut, dicirikan oleh demam panas, sukar bernafas dan batuk tanpa kahak, akibat jangkitan koronavirus dan merebak melalui titisan air yg keluar di udara semasa penghidap bersin atau batuk).

sarsaparila 1. sj minuman tanpa alkohol yg disediakan drpd akar tumbuhan tropika genus *Smilax*, berwarna coklat dan mempunyai aroma yg menyegarkan; **2.** pokok yg mempunyai akar yg beraroma yg digunakan utk minuman **1.** di atas.

sarsi singkatan bagi sarsaparila, iaitu air yg dihasilkan drpd sarsaparila.

Sartan; *bintang* ~ bintang mengkara; *garisan (balik)* ~ garis lintang yg letaknya 23° 26' di utara khatulistiwa.

saru I Jk tidak jelas pd pelihatan (pendengaran dll), tidak nyata, samar;

menyaru 1. menjadi saru (tidak jelas); **2.** menyamar;

menyarukan menjadikan saru (tidak jelas, tidak nyata, dll), menyamarkan;

penyaruan 1. perihal menyamar, penyamaran; **2.** perbuatan dll utk menutup maksud.

saru II Jw tidak senonoh (perbuatan, perkataan, dll).

saru III Kl tidak senang hati (kerana runsing, bosan, dll).

saru IV Ar ark sj pokok ru.

sarudung sj pondok yg didirikan di atas lantai rumah yg belum siap.

saruk; menyaruk **1.** menyentuh atau melanggar sesuatu, menyandung;

2. ark mujur (dlm perjudian);

tersaruk, tersaruk-saruk tersandung-sandung, terlanggar-langgar.

sarung I 1. salut (tempat menyimpan keris, pedang, dll) yg dibuat drpd kayu dll: *pedang yg sudah terhunus drpd ~nya*; **2.** sampul (bantal, surat, dll), bungkus; **3.** = *kain* ~ kain yg hujung pangkalnya dijahit bersambung;

~ *akar* tisu yg menyalut hujung akar (supaya tidak rosak, patah, dll); ~ *bantal* kain pembungkus bantal (supaya bantal tidak kotor dll); ~ *bidal* = ~ *jari* sarung jari yg diperbuat drpd logam (utk orang menjahit), jidal, didal; ~ *kepompong* lapisan yg menyaluti telur (kepompong) serangga; ~ *keris* sarung tempat menyimpan keris; ~ *surat* sampul surat; ~ *tangan* kaus tangan; *seberapa panjang ~, begitulah panjang matanya* prb perangai (perkataan) yg baik atau jahat menunjukkan sedikit atau banyaknya ilmu seseorang;

bersarung memakai sarung: *dia bertopeng dan ~ tangan*;

bersarungkan menggunakan sesuatu sbg sarung: *ia mengambil goloknya yg berhulukan buluh dan ~ upih itu*;

menyarung **1.** memberi bersarung: ~ *keris*; **2.** memakai atau mengenakan (pakaian dll): *dia terus ~ pakaian*;

menyarungkan **1.** memasukkan ke dlm sarung: *kemudian Panglima Hitam pun ~ kerisnya kembali*; **2.** mengenakan atau memasukkan (pakaian, cincin, dll): *dia terpaksa menahan nafas*

ketika ~ baju sutera halus tanpa tangan itu; ~ baju di badan maka sesuai prb mengukur perbuatan orang dgn keadaan diri sendiri;

tersarung 1. terletak dlm sarung (keris, pedang, dll), dlm keadaan bersarung; 2. terlekat atau terpakai (pakaian dll): *cincin pertunangan ~ di jarinya;*

penyarung sl orang yg membuat sarung: *maka oleh segala perawangan itu dibawanya keris itu kpd segala ~ disuruh sarungkan.*

sarung II Mn; **menyarung** mencelah (perkataan orang), menyampuk.

sarut I; **menyarut** menggesel, bersanggit dgn: *tayarnya hendaklah jangan ~ rodanya;*

sarutan geselan.

sarut II Mn kusut.

sarut III Br sj bakul yg dibawa di belakang tubuh.

sarwa sl segala, sekalian, seluruh: *Tuhan ~ sekalian alam.*

sarwajagat (bersifat) sejagat, universal, meliputi seluruh dunia, alam semesta: *unsur-unsur yg mendukung idea atau konsep keindahan sastra ~; menghadapi teknologi komunikasi yg bersifat ~;*

kesarwajagatan keadaan sejagat: *kertas kerja yg membahaskan ciri-ciri kebudayaan Islam dgn menitikberatkan ~.*

sarwal sl seluar, celana.

sasa sl kuat, tegap: *adapun Sang Guna itu baik sikapnya, tegap ~ tubuhnya;*

kesasaan ketegasan (tubuh), kekuatan dan ketegapan (tubuh): *bangga juga Mek melihat ~ Awang Lekir itu.*

sasak bilah yg dianyam (utk dinding rumah, pagar, dll): *kota delapan pagar ~ .*

sasakala (Sunda) ark; *dongeng ~ cerita-cerita dahulukala (cerita dewa-dewa dll).*

sasap I; menyasap 1. mencabut (rumpun), merumput, menyangi; 2. menghapuskan, memadamkan (tulisan dll).

sasap II; *susup*-~; □ → □ **susup**.

sasar I setengah gila, kurang siuman; ~ *bahasa* gila bahasa.

sasar II Jk; **menyasar** tidak mengikut arah yg sepatutnya, sesat;

kesasar, **tersasar** terpesong (drpd arah atau landasan yg sewajarnya), tersesat (fikiran dll): *oleh itu, yg salah harus dibetulkan, yg ~ hendaklah ditepatkan dan yg kurang perlu digenapkan; belut yg ~ di bawah permatang; anak ~ anak yg sudah rosak fikirannya.*

sasar III Jk; **menyasar** membidik, menghala, menuju;

menyasarkan 1. menghalakan, menunjukan; 2. menetapkan sasaran (hasil, perolehan dsb yg ingin dicapai): *syarikat ~ jualan bagi kedua-dua unit amanah ini mencecah sehingga RM30 juta menjelang bulan Jun depan; negara kita ~ 14 pingat emas bagi acara olahraga di temasya Sukan SEA itu;*

sasaran 1. tujuan (menembak), bulan-bulan: *ada yg menembak ~, ada yg bercatur, ada yg bersepak raga;* 2. tujuan (serangan politik, marah, kritik, dll): *Tijah sudah menjadi tempat ~ marah dan hamun;* 3. hasil drpd sesuatu usaha, tindakan dsb yg ingin dicapai, matlamat: *kami harus mencapai ~ kerja bulanan yg telah ditetapkan.*

sasar IV Mn; **sasaran** tempat belajar (menembak, bersilat, mengaji, dll):

apabila hari malam, ia pun pergi ke ~ silat; ~ tenis padang tenis;

sasarannya biasanya, akibatnya: *banyak minum air dingin ~ sakit perut.*

sasar V Br; **menyasar** menolak atau menyorong sesuatu (barang, orang, dll).

sasau I □ → □ **sasar I**.

sasau II Mn ark; **menyasau** bk makan banyak-banyak.

sasi I Jw ark bulan.

sasi II Mn saksi.

sasian Mn; *anak* ~ (anak) murid.

saspens (saspéns) keadaan teruja, tegang, cemas, bimbang, dsb ketika menunggu sesuatu berita atau menghampiri sesuatu klimaks: *di samping itu, unsur-unsur ~ juga dimasukkan utk menjadikan novel ini lebih menarik.*

sastera 1. bahasa yg digunakan dlm kitab-kitab (bukan bahasa basahan);

2. = **kesusasteraan** hasil seni (karya tulisan) dlm bentuk prosa atau puisi yg mempunyai ciri-ciri keistimewaan yg tertentu; *ahli* ~ (orang yg) pakar dlm hal kesusasteraan; *seni* ~ seni karang-mengarang (prosa, puisi, dll); **3.** ark kitab suci Hindu; **4.** sl kitab ilmu pengetahuan pustaka, kitab yg mengandungi ramalan (perhitungan dll); **5.** sl tulisan, huruf;

~ *bandingan* kajian dan huraian tentang pertalian antara pelbagai sastera dr berbagai-bagai negara dan bangsa; ~ *hiburan* bentuk sastera yg bertujuan memberikan keseronokan atau hiburan, mis yg bertemakan percintaan dsb; ~ *lisan* sastera rakyat; ~ *rakyat* sastera yg berkembang di kalangan rakyat dan disebarkan melalui pertuturan drpd satu generasi kpd satu generasi yg lain, mis mitos, lagenda dan mantera.

sasterawan 1. orang yg menghasilkan karya sastera (spt prosa dan puisi), ahli sastera, pengarang, pujangga: *Asas 50 merupakan sebuah gerakan ~ yg progresif*; **2.** orang yg cerdik pandai, cendekiawan: *memanggil segala ahli nujum dan ~*;

kesasterawanan hal (sifat dsb) yg berkaitan dgn sasterawan: *pengarang harus memiliki keterampilan ~ yg menguasai teknik penulisan dan peka terhadap hal-hal kemanusiaan.*

sasul; tersasul terlajak (perbuatan, perkataan, dll), terlangsung, terlebih (drpd sepatutnya): *dia telah ~ memperkatakan soal itu;*

ketersasulan keadaan tersasul: *~ ini beberapa kali dapat ditemui dlm novel ini.*

sasyimi sj makanan Jepun yg berupa filet ikan mentah.

sat I daun terup yg tertinggi nilainya.

sat II ark ukuran banyak beras dll; *~ besar* sepuluh gantang; *~ kecil* lima gantang.

sat III bp saat, sesaat, sekejap, sebentar.

sat IV Kl; *~ patat* jauh (benar).

satah permukaan yg rata, ratahan.

satar Tr sj makanan yg dibuat drpd ikan yg dicampur dgn rempah serta kelapa dan dibungkus dgn daun pisang, dicucuk dgn buluh dan dibakar.

sate (saté) sj makanan yg dibuat drpd potongan kecil daging yg dicucuk dan dipanggang (dimakan dgn kuah); *~ ayam (kambing)* sate drpd daging ayam (kambing);

menyate **1.** membuat sate; **2.** = **mempersate** ki, bp melakukan perpecahan (pd sesuatu persatuan dll);

persatean ki, bp perpecahan (pertubuhan dll).

satelit **1.** bintang siarah yg beredar mengelilingi bintang siarah lain yg lebih besar: *dgn menggunakan teropong jauh yg lebih besar ia menemui dua buah ~ utk Uranus;* **2.** pengikut, penganut; *negara ~ negara* yg mengikut negara lain yg lebih besar dan kuat; **3.** sj alat rekaan manusia yg dilancarkan mengedari bumi, bulan, atau planet lain utk tujuan perhubungan, penyelidikan dsb.

sateria □ kesateria.

satih Mn ark; **menyatih** mendenda.

satih sj kain sutera, antelas.

satinet (satinét) sj kain yg ditenun drpd kapas dan nampaknya spt satin.

satir I makhluk dlm mitologi Rumawi dan Yunani lama yg berupa separuh manusia dan separuh haiwan.

satir II Mn; *sumpah* ~ sumpah yg tidak dapat dimungkiri lagi, sumpah setia.

satira karya (prosa atau puisi) yg mempersendakan atau menyindir orang dll.

satirawan penulis satira.

satni 1. Kd, Pl, bp sebentar lagi; ~*lah aku pergi* sekejap lagi aku pergi; **2.** Kl, Tr baru sebentar; ~ *sahaja dia pergi* baru sebentar dia pergi.

sato Jw binatang, haiwan.

satron Jk; **menyatroni** bersikap memusuhi, mengganggu, menceroboh.

satsuma sj oren Jepun yg kulitnya lekang dan ulas-ulasnya mudah dipisahkan.

satu 1. angka permulaan membilang bilangan (1), esa: *cincin bermata* ~; ~ *sama lain* sama sendiri (sesama mereka); *tidak ada ~ pun* tidak ada langsung; **2.** bp ganjil (dlm maksud mencemuh, marah, dll), lain drpd yg lain, pelik: *awak ni ~ juga*; ~ *per* ~ = **satu-satu**; ~ *detik sepuluh rebah* prb seorang yg disindir, semua yg hadir turut tersinggung;

satu-satu 1. tiap kali satu, satu demi (lepas) satu: *timbang benda itu* ~; **2.** bp apa-apa, sesuatu: *banyak orang yg menyalahkan polis apabila berlakunya ~ jenayah*;

satu-satunya tidak ada yg lain, satu sahaja: *dialah ~ orang Melayu yg sanggup memikirkan masalah masyarakat Melayu*;

bersatu 1. bergabung menjadi satu: *Bangsa-Bangsa B~*; *enam puluh orang pemuda dr kampung itu telah pun ~ utk menjaga keamanan di situ*; **2.** bertaut atau bertemu (menjadi satu yg lebih besar): *saluran-saluran rerambut darah semuanya ~ semula*

menjadi satu pembuluh besar; 3. bersehati (menjadi satu): zat makanan itu ~ dgn oksigen di dalam sel; 4. = ~ hati bermuafakat benar, seia sekata; 5. duduk bersama (sbg suami isteri): mereka sudah bernikah tetapi belum lagi ~; 6. bh melakukan hubungan jenis, bersetubuh, bersama;

~ padu bersatu benar-benar, merupakan perikatan (permuafakatan) yg kukuh: cinta laki-laki ~ padu dgn cinta perempuan sehingga tidak dapat dipisah-pisahkan; sewajibnyalah mereka ~ padu dan bekerjasama utk mencapai kemajuan;

menyatukan **1.** mengumpulkan menjadi satu (supaya lebih kuat, kukuh, teguh): *bahasa ~ bangsa; 2.* menyelaraskan (tujuan, tekad, dll), memusatkan: *sekarang marilah kita ~ tekad kita; 3.* bh mengahwinkan, menikahkan;

mempersatukan **1.** menjadikan bersatu (bkn rakyat sesebuah negara dsb); **2.** mengahwinkan,menikahkan: *maka muafakatlah segala orang besar-besar Tempanak itu hendak dipersatukannya kedua-dua raja itu jadi laki isteri;*

satuan **1.** angka yg kurang drpd 10 pd bilangan yg mempunyai lebih drpd satu angka; **2.** sesuatu yg digunakan sbg dasar sukatan (ukuran dll), unit: *gantang ialah ~ ukuran banyak; ringgit merupakan ~ wang di Malaysia;*

kesatuan **1.** keadaan yg satu (tunggal), keesaan: *~ Allah; 2.* keadaan yg satu (sama): *manusia sangat sukar memelihara kesamaan atau ~ linguistik atau “linguistic unity” itu; 3.* = ~ *sekerja* pertubuhan atau persatuan pekerja-pekerja (utk menjaga kepentingan mereka): *K~ Pekerja-Pekerja Syarikat Bas; 4.* Id satuan, unit; **5.** Id satu kumpulan (orang, perkakas, dll) yg merupakan badan dll yg tersendiri, unit: *~ tentera payung;*

persatuan 1. gabungan, ikatan, kumpulan: *anggota jawatankuasa P~ Penulis Nasional ialah sepuluh orang; P~ Bola Sepak Malaysia*; 2. perikatan, syarikat: *setiausaha ~ kastam*; 3. perihal bersatu: *~ urat pd tangan dgn urat pd mata*;

berpersatuan mempunyai persatuan, ada persatuannya: *memperbanyak aktiviti ~*;

pemersatuan perihal mempersatukan sesuatu: *~ bahasa Melayu bermakna kebangkitan semula kegemilangan Melayu*;

penyatuan perihal menyatukan: *~ semula negeri Jerman masih lagi merupakan satu masalah yg besar*;

penyatu orang (faktor dll) yg menyatukan atau menyatupadukan: *ciri-ciri yg membezakan manusia tetapi yg juga menjadi unsur ~nya*.

satu padu; bersatu padu bersatu benar-benar, merupakan perikatan (permuafakatan) yg kukuh: *cinta laki-laki ~ dgn cinta perempuan sehingga tidak dapat dipisah-pisahkan; sewajibnyalah mereka ~ dan bekerjasama utk mencapai kemajuan*;

menyatupadukan menjadikan bersatu padu (supaya lebih kuat, kukuh, dll): *salah satu tujuan ibadat haji ialah utk ~ umat Islam; Bahasa Kebangsaan merupakan alat perhubungan utk ~ semua rakyat berbilang kaum dan agama di negeri ini*;

mempersatupadukan ark menjadikan bersatu padu;

penyatupaduan proses menyatupadukan.

satwa sl binatang.

sau I bunyi spt bunyi angin bertiup pd daun-daun kayu, desau.

sau II 1. sj tumbuhan (pokok dan buahnya), sawah, sawai, sawuh, *Manilkara kauki*; **2.** = ~ *menila* sj tumbuhan (pokok dan buahnya), ciku, *Achras zapota*.

saudagar orang yg berniaga atau berdagang;

~ *keliling* penjual yg menjaja jualannya dr satu tempat ke satu tempat; ~ *minyak urat* orang yg pembohong (orang yg berniaga utk orang lain tetapi mengaku perniagaannya sendiri dll); ~ *pengantara* Id orang tengah (dlm perniagaan), saudagar penghubung saudagar besar dgn saudagar kecil.

saudara 1. orang yg sama ayah dan ibunya (ibu atau ayahnya sahaja yg sama), abang (kakak) atau adik: *ia berazam utk menuntut bela atas kematian ~ perempuannya*; **2.** orang yg ada hubungan kekeluargaan, sanak: *dia bukan ~ saya, hanya kenalan sahaja*; **3.** orang yg sama darjat (sekutu, segolongan, dll): ~ *sekampung*; **4.** kawan, sahabat, teman: ~ *sepermainan*; **5.** bh kata ganti diri kedua (spt awak, kamu, anda) yg digunakan terutamanya pd lelaki: ~, *boleh saya tumpang bertanya?* **6.** tembuni, uri (yg keluar mengiringi bayi yg lahir); **7.** ki sesuatu yg hampir sama (keadaan, sifat, dll): *menipu itu ~ mencuri*;
~ *angkat* orang lain yg dipelihara oleh ibu bapa seseorang atau yg diakui sbg saudara sendiri; ~ *anjing* saudara seibu tetapi berlainan bapa; ~ *baru* (panggilan yg ditujukan kpd) orang yg baru memeluk agama Islam; ~ *bau bacang (embacang)* saudara yg telah jauh pertaliannya; ~ *belahan* saudara yg sama nenek moyangnya; ~ *daging* semua kaum keluarga jauh dan dekat; ~ *dekat* = ~ *rapat* saudara yg masih dekat; ~ *dua pupu* saudara yg datuk atau neneknya adik-beradik; ~ *jauh* = ~ *renggang* saudara yg telah jauh; ~ *kandung (sekandung)* saudara sendiri, saudara seibu sebapa; ~ *kembar* adik-beradik yg dilahirkan sbg anak kembar; ~ *mara* semua kaum keluarga (jauh dan dekat); ~ *pungut* saudara angkat; ~ *pupu* saudara yg masih dekat; ~ *sejalan sejadi* saudara yg sama ibu bapanya, saudara kandung; ~ *seperjuangan* teman yg sama-sama berjuang (berusaha, berjerih payah) utk sesuatu; ~

sepupu saudara yg datuk atau neneknya sama; ~ *susu* = ~ *susuan* = ~ *setetek* saudara yg bukan saudara sendiri tetapi menyusui pd perempuan yg sama; ~ *tiri* a) anak ibu atau bapa tiri; b) Id saudara drpd bapa (ibu) yg sama tetapi ibu (bapa) yg berlainan;

bersaudara 1. mempunyai saudara: *aku tidak ~ dan tidak berkeluarga*; 2. adik-beradik: *maka datang pula raja beruk empat ~*; 3. ki mempunyai sifat (keadaan dll) yg hampir serupa: *bakteria ialah sejenis tumbuhan yg ~ rapat dgn kulat; badan ~, emas takkan ~, kasih saudara sama ada* prb bagaimana sekalipun orang berkasih-kasihian tetapi dgn mudah juga dapat diceraikan kerana orang lebih mengutamakan harta benda;

saudara-bersaudara sl sesama saudara, adik-beradik: *apa kerja kita berkelahi ~?*

bersaudarakan mempunyai (seseorang) sbg saudara: *dia lebih rela ~ orang miskin drpd saudara-saudaranya yg hidup mewah dan angkuh itu*;

mempersaudarakan menjadikan (spt) bersaudara: *anakanda ini ayahanda persaudarakan dgn anak ayahanda sekalian ini*;

persaudaraan perihal bersaudara, perhubungan spt bersaudara, pertalian yg rapat sekali (seolah-olah bersaudara): *merekalah yg menguatkan tali ~ antara berbagai-bagai kaum*.

saudari bh kata ganti diri kedua (spt awak, kamu, anda) yg digunakan pd perempuan (terutama dlm surat-menyurat).

sauh I alat yg berkait dan berat, yg dilabuhkan ke dlm air supaya perahu (kapal dll) tidak hanyut, jangkar; *membongkar* ~ mengangkat sauh (kerana hendak belayar); *membuang (melabuhkan)* ~ mencampakkan sauh (supaya perahu tidak hanyut);

~ *buji* sauh kecil yg ada empat pengaitnya; ~ *cemat* = ~ *kecil* sauh kecil yg dilemparkan ke perahu dll utk menariknya; ~ *terbang* sauh yg dilemparkan (ke darat, ke tebing, dll);

bersauh 1. memakai (menggunakan) sauh; 2. berlabuh (kapal, perahu).

sauh II; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), a) cana, *Parinarium griffthianum*; b) merbatu layang, *Parinarium corymbosum*; ~ *menila* sj tumbuhan (pokok), ciku, *Achras zapota*.

saujana sl luas, jarak yg jauh: *berhimpun di padang* ~; ~ *mata* (*memandang*) sejauh pemandangan mata, sejauh mata memandang.

sauk I 1. benda yg digunakan utk mencedok sesuatu, pencedok; 2. = **sauk-sauk**, **sesauk** bp sj jaring yg bertangkai utk menangkap ikan (kupu-kupu dll); ~ *air mandikan diri* prb hidup dgn usaha sendiri; **menyauk** 1. mencedok, menimba; 2. menangkap ikan (kupu-kupu, belalang, dll) dgn sauk; 3. ki memaut dgn tangan (spt hendak memeluk): *ia ~ pasangan berdansa*; 4. menahan kaki orang dgn kaki sendiri (supaya ia jatuh); 5. mengambil tanpa kebenaran, menyapu, menyerobot, menyikat: *apabila rumah terbakar, adalah orang yg datang hendak ~ barang-barang*; 6. Mn meminjam wang perkongsian;

~ *kering-kering*, *membeli habis-habis* prb a) menyelidiki sesuatu hal biar sampai jelas; b) menuntut ilmu hendaklah sampai ke penghabisannya;

menyaukkan mengenakan sesuatu utk menyauk, menjerutkan: *maka disaukkanlah jerat pd kaki gajah yg lepas itu*;

tersauk, **tersaukkan** tertangkap (akan), terlingkup (akan), terperap (akan); *tersaukkan ikan, suka, tersaukkan batang, masam* prb ketika untung bersuka ria tetapi ketika rugi marah-marah;

saukan Mn sesuatu yg disauk (dipinjam drpd perkongsian dll): *barang yg diambil dan wang yg dipakai itu dinamakan ~, pd hitungan perniagaan itu tidak rugi, tetapi pd keadaan, pokoklah yg termakan.*

sauk II ark keluh, erang.

saum Ar (ber)puasa; □ → □ **siam III**.

sauna 1. = *mandi* ~ mandi wap utk menyegarkan badan; **2.** bilik atau bangunan tempat mandi wap.

saung Mn gaung, gua, liang (dlm tanah).

saur I Mn; **bersaur** berbelit, berkait, berpautan;

menyaur 1. melemparkan tali dll ke kaki orang (binatang) utk menjatuhkannya; **2.** menyauk tali layang-layang lawan;

menyauri membelit-belit (pd);

tersaur terbelit, tersangkut.

saur II Kl; *tidak* ~ tidak masuk (diterima) akal.

saur III Br sahur.

saus IB kuah yg dimasak bersama makanan atau yg dibubuh pd makanan.

saut; *akar* ~ = *akar sautan* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Adenia singaporeana*.

saute (sauté) (ERT) **1.** kaedah memasak dgn menggoreng makanan dgn cepat dlm minyak atau lemak panas yg sedikit di atas api bersuhu tinggi; **2.** yg digoreng dgn cepat dlm minyak atau lemak panas yg sedikit di atas api bersuhu tinggi: *kentang* ~.

savana (Geog) kawasan padang rumput yg ditumbuhi oleh sedikit pohon-pohonan (di antara padang pasir dgn hutan khatulistiwa).

SAW kep Sallallahualaihiwasallam.

sawa I sj ular yg besar;

ular ~ cindai sj ular, *Phyton reticulatus*; *ular ~ katak (batu)* sj ular, *Phyton curtus*; *ular ~ rendam* sj ular, *Phyton molurus*; ~ *mengampai* sj ukiran awan larat;

*apa lagi ~ ia berkehendakkan ayam*lah prb orang yg suka mencari barang-barang yg digemarinya; *pacat hendak menjadi* ~ prb a) orang miskin berlaku spt orang kaya; b) mengharapkan sesuatu yg bukan-bukan.

sawa II Kl tidur selepas makan.

sawa III Kd buah ciku.

sawab I Ar yg benar, sebenarnya, sesungguhnya; *ratap* ~ ark ratap yg bersungguh-sungguh; *raung* ~ ark raung dgn sekuat-kuatnya.

sawab II Ar pahala, balasan di akhirat.

sawah tanah yg bencah (digenangi air) tempat menanam padi, bendang;

turun ~ (mulai) mengerjakan sawah;

~ *air* sawah yg berair kerana hujan; ~ *bencah* sawah yg mendapat airnya dr tali air; ~ *rawang* sawah di tanah yg berpaya-paya; ~ *tadahan* Jw sawah yg hanya mendapat air drpd air hujan;

~ *berpermatang*, *ladang berbintalak* prb sesuatu perkara itu ada batasnya (hadnya); ~ *luas tahan tua*, *rumah gedang tahan tonggak* prb jika ada orang yg meminjam wang, wajib ada orang yg menjaminnya; *ke ~ tidak berluluk*, *ke ladang tidak berarang* prb memperoleh keuntungan (dll) tidak dgn bersusah payah;

bersawah 1. mempunyai sawah: *orang-orang kita yg tidak ~ biasanya membeli beras dr kedai*; **2.** = **menyawah** bekerja menanam padi di sawah, mengerjakan sawah: *kerja Tuk Mat sehari-hari ialah menoreh getah dan ~*;

~ *seperempat piring*, *ke sawah sama dgn orang* prb orang miskin yg berlagak spt orang kaya-kaya; ~ *sepiring tidak akan tempat sepasin bertanya* prb peri kemiskinan yg amat sangat;

persawahan 1. perihal bersawah (mengusahakan sawah): *dlm sejarah ~ di negeri ini, menanam padi dua kali setahun sudah lama dilakukan*; **2.** kawasan yg dijadikan sawah;

pesawah orang yg kerjanya bersawah, petani: *menantunya bukan seorang ~ lagi, melainkan sudah bakal jadi saudagar.*

sawai I sj tumbuhan (herba), *Tricoglossum spp.*

sawai II 1. sj burung, burung anting-anting, *Dissemurus paradiseus malayensis*; **2.** sj burung, burung hamba kera, *Surniculus m. malayanus.*

sawai III; bersawai tidak sedarkan diri (kerana kemasukan orang halus), menurun.

sawala perbahasan, perdebatan, pertengkaran;

bersawala berbahas, berdebat, bertengkar.

sawan sj penyakit yg datang dgn tiba-tiba (menyebabkan anggota menjadi kaku, kejang, berbuih mulut, dll);

~ babi gila babi, ayan, epilepsi; ~ bangkai (terjun) pingsan dgn tiba-tiba kerana darah masuk ke otak, apopleksi; ~ inja = ~ lenja sawan dgn mulut berbuih.

sawang I = *~ langit = sawangan* awang-awang, ruangan di antara langit dgn bumi: *fikirannya melayang jauh entah ke ~ mana.*

sawang II sarang labah-labah, kotoran yg terdapat pd langit-langit (alang, penjuru, dll) rumah: *istana besar sudah penuh ~ dan balairung seri sudah berlapuk.*

sawang III Mn; *rimba ~ rimba* (hutan) yg besar atau luas;

persawangan, pesawangan tempat yg sunyi (tidak didiami orang): *ia di ~, rumah dan warung-warung tidak ada di tepi jalan.*

sawang IV sj tumbuhan (yg boleh dibuat ubat kurap).

sawang V; punai ~ sj burung.

sawang VI Br lubang; ~ *kumbang* lubang di perut perahu (utk mengeluarkan air);

bersawang-sawang berlubang-lubang, banyak lubangnya: *almarinya yg tua itu sudah ~*.

sawanila Kl (buah) ciku.

sawar 1. penghalang yg dibuat drpd ranting kayu, duri, rotan, dll (utk menutup jalan, supaya pokok tidak dipanjat orang, dll); **2.** semacam belat yg dibuat drpd ranting kayu, duri, dll (utk melorongkan binatang masuk perangkap, ikan masuk lukah, dll);

menyawar memasang sawar, menghalang dgn sawar.

sawardi sl ark ; **bersawardi** telah diasah, berasah.

sawat I tali atau selendang yg diselempangkan ke bahu (utk menggantungkan keris, pedang, dll); ~ *sandang* tali kulit (sabuk) tempat menggantungkan keris (pedang).

sawat II pesawat (dlm kata majmuk): *tenaga ~; kerja ~;*

pesawat 1. alat perkakas, jentera, mesin: *banyak ~ moden digunakan utk membuat kerja itu; ilmu ~ ilmu mengenai alat jentera (mesin); 2.* alat (tali, rantai, bahagian jentera, dsb) yg menggerakkan jentera dsb: *jarum alat ini digerakkan oleh ~ tertentu; tali ~ tali utk menggerakkan jentera atau roda; 3. = ~ terbang = ~ udara kapal terbang: ~ PIA;*

~ asap (wap) mesin yg dijalankan dgn tenaga wap; ~ capung Id kapal terbang kecil (utk berlatih dsb); *~ jet* kapal terbang jet (digerakkan dgn semburan gas yg terbakar, tidak dgn kipas); *~ peluncur* sj kapal terbang yg tidak bermotor (berjentera); *~ pengebom (pembuang bom, pelempar bom)* Id kapal terbang yg digunakan utk menggugurkan bom; *~ pemburu* kapal terbang yg dapat bergerak deras (digunakan utk mengejar kapal terbang musuh dll); *~ penempur* kapal terbang utk bertempur; *~ pengintai*

kapal terbang utk mengintai di sesuatu kawasan dll; ~ *radio* radio (alat) utk menerima siaran radio; ~ *telefon* alat utk berhubung dgn telefon;

berpesawat memakai pesawat (alat, mesin).

sawat III Kl alat kelamin binatang (kuda, lembu, dll).

sawer(sawér) Jk; **menyawer** mengutip wang drpd penonton.

sawi sj tumbuhan (herba) yg dibuat sayur, *Brassica rugosa*;

~ *putih* sj tumbuhan (herba), *Brassica parachinensis*: ~ *tanah* sj tumbuhan (herba yg boleh dibuat ubat), *Ilysanthas antipoda*; *rumput* ~ *air* sj tumbuhan (herba), kerak-kerak (merah), *Bonnaya antipoda*.

sawi-sawi sawi.

sawit I; *kelapa* ~ sj tumbuhan (palma yg buahnya menghasilkan minyak), kelapa bali, *Elaeis guineensis*.

sawit II Jw; **sawitan** sepasang pakaian yg sama corak dan raginya, pakaian sedondon.

sawo I, **sawoh** = buah ~ (*menila*) sj tumbuhan (pokok dan buahnya), ciku, *Achras zapota*;

~ *durian* sj tumbuhan (pokok), *Chrysophyllum cainito*; ~ *kecik* sj tumbuhan (pokok), sawai, *Manilkara kauki*; (*warna*) ~ *matang* (*warna*) coklat kemerah-merahan, (*warna*) seakan-akan warna buah ciku masak.

sawo II Mn □ → □ **sawa I**.

saya 1. ganti nama diri pertama (lebih halus drpd aku), hamba: *nama* ~ *Ahmad*; **2.** ya, benar: ~ *encik*; **sahaya**.

sayak Mn tempurung (yg dikerat dua):

air yg jernih, ~ yg landai prb hukuman yg adil; *berandam se~ air*, *berpaut sejengkal tali* prb peri penghidupan yg amat susah; *biasa di* ~ *dibawa ke dulang*, *biasa di awak ke orang* prb orang yg suka

mencela orang lain yg melakukan sesuatu yg tidak baik, tetapi diri sendiri pun gemar melakukannya; *dijual ~ dibeli tempurung prb sama sahaja halnya (yg hilang sama dgn penggantinya).*

sayang **1.** mengasihi, mencintai: *~ benar Zalina kpd suaminya; ibu mana yg tidak ~ kpd anaknya;* **2.** kasihan, berasa belas (akan): *orang-orang India itu berasa ~ melihat kami, dan sebab itulah mereka membawa makanan utk kami;* **3.** kasih, cinta: *dr mana datangnya ~, dr mata turun ke hati; kasih ~ a) kasih, cinta; b) belas kasihan;* **4.** bp kekasih, jantung hati: *kenapa ~ bercakap begitu?* **5.** terasa kesal (rugi dll): *~nya Si Tuah tiada; ~, dia tidak datang;*

~ akan = sayangkan suka akan, gemar akan; *sayangkan anak tangan-tangankan, sayangkan bini tinggal-tinggalkan* prb anak yg dimanjakan dan isteri yg diuliti selalu itu akhirnya menjadi sombong; *sayangkan kain, buang baju, sayangkan lain buangkan aku* prb dikatakan kpd suami yg mencari kekasih lain; *~ di anak dilecuti, ~ di negeri ditinggalkan* prb sayangkan anak dimarahi, sayangkan negeri pergi merantau ke negeri lain;

bersayangan, bersayang-sayangan berkasih-kasihan, saling mencurahkan kasih sayang: *benci-membenci antara satu dgn lain itu akhirnya akan ~ juga;*

menyayangi **1.** berasa sayang akan, mengasihi, mencintai: *isteri yg tua engkau kasihi tetapi yg muda engkau sayangi; dia sungguh-sungguh ~ kedua-dua anaknya;* **2.** berasa gemar akan, suka akan: *sekarang dia terpaksa meninggalkan tempat yg sangat disayanginya;* **3.** berasa kesal, menyesali;

menyayangkan **1.** sayang (kasih, cinta) akan: *semua anaknya tidak dipedulikan, seorang pun tidak disayangkan;* **2.** menyesal akan (sesuatu kemalangan, bencana, dll): *sangat disayangkan kejadian itu berlaku;*

tersayang **1.** terasa amat sayang sekali, (yg) amat disayangi; **2.** terasa menyesal akan (sesuatu hal);

tersayang-sayang terasa kesal (rugi): *raja itu pun menggosok-gosok tangannya ~ akan menteri kepercayaannya dan hulubalang yg diharapnya;*

kesayangan **1.** perasaan kasih sayang (cinta dll), cinta kasih: ~ *Mak Wati kpd anaknya bertambah dalam;* **2.** yg disukai, kesukaan: *itu memang sudah ~ mereka berbuat begitu;* **3.** yg disayangi (dicintai, dikasihi), kekasih: *baginda terpaksa membelakangi isteri ~nya kerana semata-mata hendak menjaga hati ayah bondanya;* **4.** perasaan kesal (rugi dll);

penyayangan perbuatan menyayangi: *dr situ dibawa kpd ~ rumah, kampung negeri, dan negara;*

penyayang orang yg kasih akan yg lain, pengasih, pencinta, bersifat belas kasihan: *dia induk semang kami yg pengasih lagi ~.*

sayap **1.** bahagian tubuh binatang (burung, serangga, dll) yg digunakan utk terbang, kepak: *tiba-tiba burung itu mengembangkan ~nya lalu terbang; memperkembangkan ~ ki menggunakan (memperlihatkan) kebolehan atau kekuatan;* **2.** ki sesuatu yg menyerupai sayap: ~ *kapal terbang; ~ ikan sirip ikan;* **3.** bahagian sesuatu yg letaknya di sebelah kanan dan kiri; **4.** golongan atau puak dlm sesebuah parti politik atau pertubuhan: *mereka dianggap termasuk dlm ~ sosialis parti itu;*

~ *kanan* a) golongan politik yg tidak berhaluan sosialis; b) barisan yg di sebelah kanan; c) pemain bola dr barisan penyerang yg di kanan sekali; ~ *kiri* a) golongan politik yg berhaluan kiri (tetapi bukan komunis); b) pemain bola dr barisan penyerang yg di kiri sekali; ~ *kelima* (pergerakan) orang-orang yg mengkhianati negeri sendiri kerana bersubahat dgn musuh; ~ *roda* Id bahagian yg

menutup roda supaya lumpur tidak terpercik, madgad; ~ *sandang* sawat sandang; ~ *senteng* serba kekurangan; ~ *singkat, terbang hendak tinggi* prb hendak berbuat sesuatu pekerjaan yg melebihi kekuasaannya;

bersayap mempunyai sayap, ada sayapnya: *burung-burung itu berbulu dan ~; hendak terbang tiada ~* prb ingin berbuat sesuatu tetapi tidak berupaya.

sayarah, sayarat Ar → **siarah**.

sayat I potong nipis-nipis, hiris; *dua ~ dua* potong (kerat); *kurang se-sebelanga* prb sesuatu yg hanya sedikit sahaja kurangnya;

menyayat memotong nipis-nipis, menghiris, meracik: ~ *daging*; ~ *hati* = ~ *jantung* menyakitkan hati, melukai hati, menyedihkan hati;

tersayat terhiris, terkoyak, terpotong: ~ *hujung jarinya*; ~ *hati* tersinggung perasaan, berasa sakit hati, berasa sedih; **siat I**.

sayat II; *benang ~ sj benang drpd bulu biri-biri dll*.

sayembara pertandingan (perlumbaan, peraduan, dll) utk mendapat hadiah: "*Desa Pingitan*" *menggondol hadiah kedua dlm ~ mencipta novel Dewan*.

sayid Ar gelaran orang yg berketurunan drpd Nabi Muhammad SAW.

sayidina Ar tuan kami (biasanya panggilan utk Nabi Muhammad SAW serta khalifah-khalifah Ar-Rasyidin).

sayu 1. = ~ *rawan* = ~ *rayu* perasaan sedih (pilu, gundah, hiba, dll): *hatinya mengkal bercampur ~; ia selalu merindui anak itu dgn ~ rawan*; **2.** tidak berseri (mata), kuyu, muram atau suram (muka): *matanya layu, pemandangan ~*; **3.** tidak nyaring (suara), lembut dan menyedihkan;

bersayu-sayu sedih (suara dll), sedih benar: *dia merayu ~*;

menyayu menjadi sayu (sedih dll): *tangannya meraba-raba perutnya yg sakit itu dan suaranya ~;*

menyayakan menyebabkan jadi sayu (sedih, hiba, dll), menyedihkan, menghibakan: *Lamah memeluknya dgn ratapan yg ~, suaranya hampir tidak dapat didengar;*

kesayuan perihal sayu (sedih, pilu, dll), kesedihan, kepiluan: *masa utk berpisah sudah tiba, dan mereka pun berpeluk-peluk ~; aku juga merasai ~ yg dirasai oleh mereka itu;*

penyayu orang yg mudah berasa sayu: *dia seorang gadis yg ~.*

sayugia → **yogia**.

sayung serong, rencong, tirus; ~ *tirus tirus* yg tidak sama;

menyayung **1.** memotong menyerong, merencong; **2.** ki menyindir; *jangan disindir jangan disayung jangan mengias (menyindir).*

sayup I 1. kurang jelas pd pelihatan (pendengaran dll) kerana jauh: ~ *mata memandang*; **2.** sedikit sahaja kurangnya (kain, perbelanjaan, dll), hampir cukup (sampai dll);

~ *bulan* a) hampir cukup bulan; b) sudah tidak ada wang lagi (sudah habis wang gajinya); ~ *hati belas* (sedih) hati;

sayup-sayup 1. kurang jelas (pandangan, pendengaran, dll): *dr jauh kedengaran ~ bunyi guruh*; **2.** = **sayup-menyayup** hampir cukup, kurang sedikit: *belanja rumah tangga sudah ~;*

~ *ingat* lupa-lupa ingat; ~ *sampai* a) hampir tercapai, kurang sedikit lagi tercapai; b) kurang sedikit lagi sampai pd mata atau telinga (kerana kurang nyata).

sayup II Pl lambat, lewat.

sayur 1. tumbuhan atau daun-daunan yg boleh dimakan (paku, sawi, dll): *Din pergi ke pasar membeli ~;* **2.** masakan drpd sayur (daun-daunan, buah, dsb, biasanya diberi berkuah): *kegemarannya patik*

semua orang Melayu makan ~ kangkung; spt ~ dgn rumput prb hal keadaan yg tidak sama (banyak perbezaannya);

menyayur **1.** memasak sayur: *Mak Andeh pun baliklah lalu bertanak dan ~;* **2.** = **menyayurkan** memasak jadi sayur: *Si Tanjung pun tidaklah lengah lagi menanak nasi dan ~ pucuk cemperai; disuruhnya sayurkan kangkung itu;*

sayur-mayur, sayur-sayuran, sayuran bermacam-macam (berjenis-jenis) sayur: *biarlah hamba randaukan dahulu ~.*

sbg kep sebagai.

Sb simbol kimia bagi antimoni.

Sc simbol kimia bagi skandium.

SC kep *Special Constable* (mata-mata khas pd zaman darurat).

Sdn Bhd kep Sendirian Berhad: *Syarikat ~.*

sdr kep saudara.

sdri kep saudari.

se I **1.** satu, esa, tunggal; **2.** awalan yg bermaksud satu: *~buah, ~hari, ~kali, ~belas.*

se II **1.** awalan yg bermaksud sama (serupa): *~-begitu; ~kuat; ~pandai; ~tinggi;* **2.** awalan yg bermaksud seluruh (segenap): *~lama; ~panjang; ~kitar;* **3.** awalan yg bermaksud sedari (dari): *~mula;* **4.** awalan yg bermaksud lepas, sudah, telah: *~habis; ~sudah;* **5.** awalan yg bermaksud hingga (sampai): *~cukup; ~hingga; ~lanjut; ~takat;* **6.** awalan yg bermaksud dengan: *~benarnya; ~patutnya; ~sungguhnyanya; ~wajarnya;* **7.** awalan yg bermaksud berapa mungkin: *~boleh-bolehnya; ~dapat-dapatnya;* **8.** awalan yg bermaksud kian (bertambah): *~makin;* **9.** awalan yg bermaksud kalau (bila): *~andainya; ~kiranya;* **10.** awalan yg bermaksud yang: *~lain; ~nya* adapun: *~nya baik dan jahat itu drpd engkau.*

Se simbol kimia bagi selenium.

SEAMEO (séaméo) akronim bagi *Southeast Asia Ministers of Education Organization* (Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara).

SEATO (séato) akronim bagi *South-East Asia Treaty Organisation* (iaitu ikatan negara-negara utk menjaga keselamatan negara-negara di Asia Tenggara).

seba (séba) Jw; **berseba** sl sedang menghadap (raja di balai);

menyeba sl mengadap (raja di balai); □ → □ **peseban**.

sebab yg mengakibatkan sesuatu, fasal, kerana, lantaran, mula: *doktor dapat mencari ~ penyakit itu ; ia dipecat ~ malas; oleh ~ kerana; ~-musabab* berbagai-bagai sebab;

bersebab ada sebabnya (alasan mulanya): *sakit bermula mati ~; polis tidak ada kuasa utk menangkap orang dgn tidak ~;*

menyebabkan menjadikan sebab, mengakibatkan: *hanya belas kasihan oranglah yg ~ dia masih hidup menumpang di rumah itu; hal ini telah ~ kemarahannya semakin meluap-luap;*

tersebab disebabkan oleh, terjadi kerana: *kuakui bahawa segala kesalahan tidak ~ oleh orang lain;*

penyebab **1.** orang (pihak dsb) yg menjadi sebab atau punca kpd sesuatu (kejadian, peristiwa, perbuatan, dll); **2.** sesuatu (spt penyakit, bencana alam, dll) yg menjadi sebab kpd sesuatu: *dia tidak menyangka tindakannya yg menurut hati itu menjadi ~ dirinya tersadai dlm kancah kehinaan.*

sebai kain yg dibelitkan di leher utk menutup bahu dgn kedua-dua hujungnya tergantung di dada, selendang yg digantungkan di bahu;

menyebaikan membelitkan sebai di leher utk menutup bahu: *serbannya disebaikkan, meninggalkan ketayapnya terserkup di kepala.*

sebak 1. hampir akan bah (sungai), penuh dan banyak airnya, digenangi air: *air sungai telah tenang tidak berarus lagi menandakan air sudah ~ pasang; rupa darah spt air ~, bangkai berhantaran di bumi; 2.* ki digenangi air mata (mata), hampir akan menitik (air mata); **3.** ki sesak (dada dll): *Maznah terhinggut-hinggut bahunya menahan ~ di dada;*

menyebakkan menyebabkan jadi sebak;

kesebakan keadaan sebak (digenangi air mata, sesak di dada dsb): *tidak pernah saya mengalami ~ sebegitu semasa tawaf.*

sebak (sébak) kuak, belah (rambut), pisah (ke kanan ke kiri);

bersebak 1. berpisah ke kiri ke kanan (air ditempuh kapal dll) bercerai, berkuak; **2.** berbelah (rambut): *rambutnya ~ di tengah-tengah; 3.* menepi ke kiri atau ke kanan (utk memberi jalan), menyisi; *air besar, batu ~* prb saudara-mara atau sahabat handai akan berpecah belah apabila timbul perselisihan;

menyebak 1. menguak ke kiri ke kanan, membelah (rambut ketika bersikat dll), menyiah; **2.** bp membuka (halaman buku dll), menyingkap (kain dll);

menyebak-nyebak 1. menyingkap dan memisahkan ke kiri ke kanan; **2.** bp membuka-buka atau membalik-balik (muka surat dll);

tersebak 1. terkuak ke kiri ke kanan (air yg ditempuh kapal dll), berbelah (sisiran rambut); **2.** bp terbuka (bkn buku).

sebakang sj ikan laut, *Pseudopristipoma nigra.*

sebal I = ~ *hati* berasa dongkol atau marah dlm hati (kerana kecewa dll), berasa kesal (kecewa), jengkel, mendongkol: *melegakan hati yg ~; dgn perasaan yg ~, kami bertujuh pulang hampa;*

menyebal menjadi (berasa) sebal, menjadi jengkel (mendongkol); *kalau pujuk makin ~, kalau marah baharu ketawa* prb kelakuan yg tidak pd tempatnya;

menyebalkan menyebabkan sebal, menimbulkan rasa dongkol, mengesalkan;

kesebalan perihal (perasaan dsb) sebal, kekesalan, kedongkolan: *penulis muda berani meluahkan tuduhan dan sekali gus menyatakan ~ hati mereka secara terbuka;*

penyebal orang yg mudah berasa sebal.

sebal II Jw tidak beruntung, malang, sial.

sebal III Jw; **menyebal** menyimpang (drpd yg sepatutnya), tidak menurut peraturan, menyeleweng.

sebalai sj tumbuhan (pokok), *Aralidium pinnatifidum*.

sebam 1. sudah luntur warnanya, tidak berseri lagi, malis; **2.** warna yg suram (kelabu dll).

seban-seban Mn sebentar-sebentar kencing (tetapi sedikit sahaja).

sebar I sebar (bertabur atau berkembang).

sebar II 1. berasa kebas, kesemutan; **2.** beriberi.

sebar (sébar); **bersebar 1.** bertabur (benih dll), berserak: *tetamu ~ dlm kelompok tunggal atau berdua, bertiga, pd satu meja;* **2.** berkembang (ajaran, agama, dll), meluas: *agama Islam ~ di negeri itu;*

bersebaran bertaburan (di merata tempat), berserakan;

menyebarkan menabur (benih dll), menghamburkan, menyerakkan: *cara pokok ~ buah berserta bijinya berlain-lain; mereka berani mengorbankan apa saja utk ~ agama Islam;*

tersebar terdapat di mana-mana, terserak, tersiar (ajaran, pendapat, dll): *berita angin mulai ~ mengenai kekalahan Jepun;*

ketersebaran keadaan tersebar: *~ komoditi sejajar dgn ~ budaya;*

sebaran (sesuatu) yg disebar, tebaran (cahaya dll); *surat ~ surat yg dibahagi-bahagikan kpd orang ramai; ~ am media massa (spt surat khabar, radio, televisyen, dsb);*

persebaran perihal bersebaran: ~ *geografi dialek-dialek Melayu*;
penyebaran perihal (kegiatan, usaha, dsb) menyebarkan, penaburan, pengembangan: *perubahan besar telah berlaku dlm cara ~ agama Islam*;

penyebar 1. orang yg menyebarkan (menaburkan, mengembangkan, dll), penabur, pengembang (agama dll): *para ~ agama*; 2. alat utk menyebarkan.

sebarau sj ikan darat, barau-barau, kap, *Hampala macrolepidota*.

sebar luas; **menyebarkan** menyebarkan secara meluas, menyebarkan dgn berbagai-bagai cara sehingga diketahui dsb di merata tempat: *jenama dan cap dagangan disebarluaskan melalui media massa spt iklan di radio, televisyen, dan pawagam*; ~ *senarai istilah, ejaan, dan maklumat bahasa kpd para pengguna bahasa di sektor awam, institusi pengajian tinggi, dan sektor swasta*;

tersebar luas tersebar dgn meluasnya, tersebar ke merata tempat (sehingga diketahui ramai).

sebasah sj tumbuhan (pokok kecil), gambir hutan, *Trigonopleura malayana*;

~ *hitam (minyak)* sj tumbuhan (pokok), pelangas, *Aporosa aurea*;

~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), rukam hutan, *Aporosa pseudoficiofolia*.

sebasuh; ~ *akar* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Coptosapelta tomentosa*.

sebat I pukul (dgn rotan dll): *hukum ~*;

menyebat 1. memukul dgn benda yg halus dan lentur (rotan, lidi, dll), merotan: *orang salah itu bukan sahaja boleh dipenjarakan, tetapi juga boleh disebat*; 2. bp mengambil sesuatu tanpa

kebenaran, mencuri, menyerobot: *barang-barang kemasnya habis disebat pencuri*;

sebatan pukulan.

sebat II susah bernafas (kerana kena selesema), tersumbat (hidung kerana berhingus): *dengkur yg kasar-kasar terlepas drpd hidung yg ~*.

sebat (sébat) Jk cepat, pantas, tangkas;

kesebatan kecepatan, kepantasan.

sebatan sj tumbuhan (pokok kecil), lelimau, limau hutan, limau lelang antan, limau-limau, pokok renjis, pokok temin, *Taxotrophis macrophylla*.

sebatian → □ **bati**.

sebekah sj ikan laut, seriding, a) *Apogon aureas*; b) *Apogon fleurieu*; c) *Apogon taeniatus*; d) *Cheilodipterus linentus*;
~ karang sj ikan laut, *Myripristis murjan*; ~ laut sj ikan laut, *Diploprion bifasciatus*.

sebelah pelbagai jenis ikan laut, sisa nabi, *Arnoglossus spp.*, *Pardachirus spp.*, *Samaris spp.*, *Solea spp.*, dll.

sebeng (sébéng); *layar* ~ sj tabir (dlm panggung wayang dll).

seberang 1. sebelah sana sungai (jalan, laut, dll): *kerana rumah ayahku di ~ jalan kereta api, maka kereta kami tidak sampai di hadapan rumah*; ~ laut luar negara, negara asing: *Razman akan melanjutkan pelajaran di ~ laut*; tanah ~ a) tanah asing; b) Pulau Sumatera (bagi orang di Tanah Melayu); c) Semenanjung Tanah Melayu (bagi orang di Sumatera); **2.** tempat yg bertentangan dgn, berhadapan dgn: *rumahnya di ~ rumah saya*;

berseberangan, seberang-menyeberang 1. berhadapan letaknya (duduknya), bertentangan: *sampailah aku ke suatu tempat yg bernama Pangkalan Tambang, iaitu ~ dgn Kampung Laut*; **2.**

(terletak) di kiri kanan sungai (jalan raya dll) dan bertentang, (terletak) saling di seberang: *maka seberang-meny seberang sungai itu kampung orang;*

meny seberang **1.** pergi ke seberang sana (sungai, jalan, dll), melintas (jalan), mengharung: *mari kita naik pelampung terap ini, kita ~ ke seberang sungai itu;* **2.** ki memihak kpd musuh (lawan dll), membelot: *terdapat juga menteri-menteri kerajaan yg ~ ke pihak pembangkang;*

meny seberangi **1.** pergi ke seberang sana sungai, jalan, dll, melintasi, mengharungi: *dgn apa hendak diseberangi lautan?* **2.** ki menempuh (melalui, merasai) kesusahan dll: *tiga kali kita ~ hidup, apabila ketiga kalinya telah diseberangi dgn selamat, bahagialah kita;*

meny seberangkan membawa ke seberang, membawa meny seberang;

terseberang **1.** sudah diseberangkan (diseberangi); **2.** terlepas drpd, terhindar, terbias: *tiga kali kita meny seberangi hidup, apabila ketiga kalinya telah kita ~ dgn selamat, bahagialah kita;*

keseberangan **1.** sudah diseberangi; **2.** ki telah diketahui (maksud, tujuan, dll); *dalam sudah keajukan, lebar sudah ~ prb telah diketahui benar-benar tujuan atau maksud seseorang;*

peny seberangan **1.** perbuatan meny seberang (sungai, jalan raya, dll); **2.** tempat meny seberang (di sungai, jalan raya, dll).

seberetih **1.** sj tumbuhan (pokok memanjat), *Coptosapelta flavescens;* **2.** = ~ kayu sj tumbuhan (pokok renek), *Fagraea racemosa.*

seberhana sl **1.** selengkap (pakaian, perhiasan, dll): ~ pakaian, ~ perhiasan; **2.** seluruh (anggota), segenap: *maka cahaya itu menyelubungi ~ tubuh hingga limpah cahayanya.*

sebiak; akar ~ sj tumbuhan (herba), *Gynura procumbens.*

sebih ark; *buah* ~ sj tumbuhan (herba), buah tasbih, *Canna orientalis*.

sebik; menyebik **1.** bermuka masam, mencebik: *gadis itu bangun dan ~ kpd kami berdua*; **2.** mencebik (hendak menangis), menjebik: *dia mula ~ apabila dimarahi ibunya*.

sebit; menyebit **1.** mengoyakkan tipis-tipis (daging dll), mencarikkan berkeping-keping; **2.** mencabut sedikit-sedikit (kapas dll), menjonjot.

sebokoh sj ikan laut, *Pomadasys maculatus*.

sebokok sj ikan laut, *Ichthyoscopus lebeck*.

sebrot Jw; **menyebrot** merebut, merampas, merenggut.

sebu **1.** penuh berisi: *perut saya ~ dan kenyang sebagaimana ~ dan kenyangnya perut-perut Pak Menteri*; **2.** tersumbat (hidung, saluran, dll), terkambus (parit, sungai, dll), sendat: *parit yg ~ diperdalam*; **3.** ki sebak, sesak: *Sharifah Aini tidak bersuara lagi, dadanya terasa ~ benar*;

menyebu mengisi penuh-penuh, memadatkan, mengambus, menimbus: *asap putih yg ~ tekaknya itu dihembusnya perlahan-lahan*;

menyebukan menjadikan sebu, menimbusi, menimbuni: *serpih-serpih itu boleh ~ lubang, dan juga merosakkan mata alat pemotong*;

kesebuan perihal atau keadaan sebu: *keupayaan parit dan sungai yg sedia ada tidak mencukupi, tambah pula dgn ~ kelodak*.

sebuah; ~ bukit sj tumbuhan (herba), *Ophiorrhiza major*; rumput ~ sj tumbuhan (herba), *Hedyotis grabra*.

sebuk; menyebuk **1.** masuk mencelah (ke dlm orang banyak dll); **2.** menyampuk (percakapan orang dll), menyelang.

sebum (sébum) (Bio) rembesan berlemak yg dihasilkan oleh kelenjar pd kulit mamalia, yg mengawal dan melicinkan rambut, bulu, serta kulit.

sebun I naik bengkak (bisul).

sebun II → **sebu**.

sebura sj tumbuhan (pokok), *Adinandra dumosa*.

seburas sj tumbuhan (herba), pokok tebuk keluih, tampuk lilin, *Pollia sorzogonensis*.

seburu sj tumbuhan (pokok), *Ouratea sumatrana*.

seburus; ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok), akar kembang hutan, *Urophyllam trifurcum*.

seburut sj tumbuhan (pokok kecil), geroboh, *Thottea grandiflora*.

sebusuk 1. sj tumbuhan (pokok), busuk-busuk, *Cassia nodosa*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), beluntas padi, rumput turi, *Clitoria laurifolia*; akar ~ sj tumbuhan (pokok renek yg memanjat), melur hutan, perual, *Coptosapelta griffithii*.

sebut bp = **menyebut**;

menyebut 1. menggelar (sesuatu), memberi nama (panggilan yg tertentu): *adapun Tun Fatimah disebut orang Raja Perempuan Besar*; **2.** memanggil, menyeru (nama dll): *aku hanya turut mendengar dan berasa megah namaku disebut berulang-ulang*; **3.** melafazkan, mengucapkan (sesuatu perkataan, kalimah, dll): *guru hendaklah ~ sesuatu perkataan itu dgn terang*; **4.** memperkatakan (menceritakan, mengatakan) sesuatu: *kenyataan kerajaan itu tidak ~ sebarang kemalangan jiwa spt yg telah disebut tadi*;

menyebut-nyebut selalu benar menyebut: *mulutnya ~ ibunya*;

tersebut 1. telah disebut (diceritakan dll), pernah disebut: *maka saya pun terimalah rial yg ~ itu dgn beribu-ribu terima kasih*; **2.** terkatakan, terperikan: *maka segala perahu itu pun berlabuh di*

Tanjung Kerawang itu, maka tiadalah ~ lagi; 3. = kesebutan ark terkenal atau termasyhur (bkn orang dll); *~lah perkataan* sl akan diriwayatkan (dikisahkan, diceritakan) halnya;

sebutan 1. apa yg disebut, (sesuatu) yg disebut: *ada yg perempuan spt yg telah lalu ~nya pd bab yg pertama; 2.* cara melafazkan atau menyebut (perkataan dll), ucapan, lafaz: *pendengaran bergantung pd bunyi ~ huruf saksi; ~ baku* sebutan (huruf atau perkataan) yg telah ditentukan atau diterima sbg yg betul atau yg sewajarnya, sebutan standard; **3. = sebut-sebutan** yg selalu dipercakapkan (dibualkan dll), buah mulut: *telah jadi sebut-sebutan, anak komandan polisi yg baik dan rendah hati; baginya, Tuhan hanya menjadi ~ tetapi tidak disembah; 4.* panggilan (gelaran, jolokan, ejekan, dsb): *Tunku Abdul Rahman mendapat ~ Bapa Malaysia; 5.* (Mat) simbol atau rangkaian simbol yg mempunyai nilai-nilai tertentu (spt $3xy^2$); **6.** Id cerita (dlm sesuatu ayat), hal, perkara;

penyebutan 1. perihal menyebut: *ia berkehendakkan ~ dan penggunaan perkataan dgn betul; 2.* panggilan, gelaran, sebutan: *segala orang dalam, memanggilnya Dato' Tun, sementara ~ segala anak cucunya Dato' Putih;*

penyebut 1. (orang) yg menyebut; **2.** Id penyambut dlm angka pecahan (angka 3 dlm angka pecahan $2/3$).

sebut harga (Eko) pernyataan harga yg diberikan oleh pembekal kpd bakal pembeli utk sesuatu barangan yg dipesan;

menyebut harga menyatakan atau memberikan sebut harga bagi sesuatu barang atau perkhidmatan yg ditawarkan: *kontraktor itu ~ RM 2000.00 bagi kerja membaiki longkang berkenaan.*

secang Jw sepang.

secerek (secérék) sj tumbuhan (pokok renek), cama, *Clausena excavata*.

secina sj kumbang yg sesungguhnya panjang.

sedah ark kapur sirih; □ → □ **sadah**.

sedak; tersedak, kesedakan terbelahak kerana salah menelan (tercekik, kemasukan air dlm lubang pernafasan, dll): *kadi ~ dan menyembur sedikit air yg di dlm mulutnya.*

sedak (sédak) rotan dll yg dipasang berkeliling gendang dll (utk menegangkan kulit gendang);

menyedak menegangkan kulit gendang dll dgn sedak, memasang sedak: ~ *rebana*.

sedakang sj ikan laut, *Gerres setifer*.

sedam sl bunyi letupan meriam: *bedil kecil merendang garam, bedil besar ~~~*.

sedan = *sedu-~ = ~-sedu* suara spt suara orang yg sudah lama menangis, tangis yg terputus-putus (timbul tenggelam): *Urip pun menangis ~~~*;

bersedan-sedan, tersedan-sedan menangis dgn suara yg terputus-putus (timbul tenggelam), *tersedu-sedu, terisak-isak: ia menangis tersedan-sedan sambil memeluk leher abangnya.*

sedan (sédan) = *kereta* ~ kereta bertutup yg mempunyai dua atau empat pintu, dan tempat duduk utk empat atau enam orang, termasuk pemandu.

sedang I 1. tengah (ketika, masih) melakukan sesuatu lagi, masih: *saya ~ mencuci tangan; ia ~ sakit*; **2.** sementara, dlm pada itu, dlm waktu itu, ketika itu: *matahari itu nampak berwarna merah walaupun ~ rembang.*

sedang II 1. menengah, tidak besar (kaya, cantik, dll) dan tidak kecil (miskin, buruk, dll), berpatutan: *sejak pagi tadi angin bertiup ~; pendapatannya ~ sahaja*; **2.** cukup, lumayan, pada: *baju ini ~ utk saya*; **3.** bersahaja, sederhana, tidak berlebih-lebihan: *kepintarannya ~ saja*;

menyedang 1. memeriksa (menilik, mencuba) sedang atau tidak: ~ baju; **2.** = sedang-menyedang Mn mencukupi, memadai;

menyedangkan, menyedang-nyedangkan menjadikan cukup (pada), menjimatkan supaya cukup.

sedang III = sedangkan 1. sekalipun, walaupun, meskipun: *belum pernah ia merasai hidup senang spt perempuan lain ~ cinta kasihnya tiada berkurang-kurang kepadaku; sedangkan binatang yg tidak berakal itu lagi dapat diajar oleh manusia; 2.* padahal, walhal: *dapatkah ia menolak kemungkinan itu sedangkan ia lemah.*

sedang IV; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar gegerip jantik, akar gegerip putih, akar kesidang jantan, akar seraput, *Parameria polyneura*.

sedap I enak (pd rasa, bau, dll), senang (pd perasaan dll), nyaman: *tubuh saya tidak ~; kedua-dua laki isteri itu pun duduk makan bersama-sama dgn ~nya; asal ada kata begitu alangkah ~ di dlm hati;*

~ *hati* senang, tenteram; ~ *keleh* Kl indah (pd pandangan) dan menarik; ~ *manis* a) sopan santun dan menarik hati (kelakuan); b) enak (cita rasanya); ~ *mulut* sekehendak hati: *jangan pakai cakap ikut ~ mulut;*

~ *dahulu pahit kemudian* prb melakukan sesuatu dgn tidak difikirkan dahulu buruk baiknya akhirnya akan menyesal; ~ *manis jangan ditelan, pahit jangan dimuntahkan* prb sebarang bicara orang hendaklah ditimbangan lebih dahulu sebelum diterima atau ditolak;

menyedapkan menjadikan sedap (enak, senang, tenteram, dll), menyamankan, menyenangkan (hati, perasaan): *pengakuan doktor itu ~ hati isterinya; Aji-no-moto ialah sj bahan utk ~ masakan;*

sedap-sedapan, sedapan (hidangan) makanan yg sedap-sedap atau enak;

kesedapan perihal sedap, rasa sedap, keenakan, kelazatan: *mereka semuanya kesiangan pagi itu kerana ~ tidur;*

penyedap sesuatu yg menyedapkan: *kata-kata itu menjadi ~ hatinya.*

sedap II; ~ *malam* sj tumbuhan (herba), kerak nasi, *Polianthes tuberosa*.

sedapat sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ulan, sampu paya, *Aspidopterys concara*.

sedar 1. tahu dan ingat (akan keadaan yg sebenarnya), insaf, mengerti: *ia ~ dirinya diancam dr luar dan dalam; kau pun ~ bahawa penduduk kampung ini sudah lama menyuruh aku menyingkirkan kau dr sini;* **2.** ingat kembali, bangun atau jaga (drpd tidur), siuman semula: ~ *drpd pengsan (tidur); ~ tak ~ antara sedar dan tidak; ~ (sedarkan) diri a) tahu akan dirinya; b) siuman; tidak ~ (sedarkan) diri a) tidak ingat akan diri; b) tidak tahu di untung;*

menyedat = ~ *arwah* Mn kenduri mengingati arwah, kenduri pd bulan Syaaban;

menyedari mengetahui (dgn rasa insaf), menginsafi: *dia mula ~ bahawa perbuatannya itu adalah satu dosa; kita ~ kelemahan bangsa kita dlm lapangan sains;*

menyedarkan menjadikan sedar, mengingatkan, menginsafkan: ~ *bangsa sendiri supaya lebih maju; ~ orang drpd pengsan;*

tersedar 1. teringat, ingat: *maka Sultan Malikul-Tahir pun ~lah akan saudara baginda;* **2.** terjaga (drpd tidur), sedar (drpd), kembali sedar (drpd pengsan dll): *tiba-tiba ~ daku drpd tidurku;*

kesedaran perihal (keadaan dll) sedar (akan sesuatu), keinsafan, ingatan: *usaha ini dilakukan atas ~ bahawa manuskrip itu mempunyai nilai yg amat tinggi; ~ ingin belajar juga telah timbul;*

sentimen yg demikian memperlihatkan tiadanya ~ nasional dlm dada Abdullah sendiri;

ketidaksedaran perihal (atau keadaan) tidak sadar akan sesuatu;

penyedaran perbuatan menyedarkan;

penyedar **1.** yg menjadikan sadar, yg menyedarkan; **2.** yg menyadari atau menginsafi (sesuatu): *Latiff merasakan sesuatu yg diharapkannya itu mengajarnya menjadi seorang yg terlalu ~.*

sedara bp □ saudara.

sedat susah utk berfikir, tidak tetap fikiran, bingung.

sedatif (sédatif) (Ubat) **1.** mempunyai kesan menenangkan saraf atau melegakan ketegangan (bkn ubat): *ubat ~;* **2.** ubat yg menenangkan saraf atau melegakan ketegangan, ubat penenang.

sedawa Kd, Pl, Pn, Kl, Tr; → **sendawa II.**

sedawai sj tumbuhan (pokok renek), dawai-dawai, *Smilax calophylla.*

sedekah **1.** pemberian kpd fakir miskin dll (dgn ikhlas): *orang memberi ~ kpd fakir bukan utk mendapat pahala; teringat saya akan duit ~ tahlil arwah ayah;* **2.** kenduri (minta selamat dll): *tujuh malam kami membaca Kulhuwallah di madrasah sbg ~ kami kpd roh Ungku Sahrin;* **3.** jamuan (makanan, bunga-bunga, dll) utk orang halus (penunggu, hantu, dll);

~ arwah kenduri utk memperingati arwah; *~ bumi* kenduri (tanda bersyukur) sesudah menuai; *~ kubur* a) kenduri selepas menguburkan mayat; b) sedekah yg diberikan kpd orang-orang yg ada di kubur (pembaca talkin, penggali kubur, dll);

bersedekah **1.** memberi sedekah (hadiah, derma): *~ ialah satu drpd amal kebajikan;* **2.** berkenduri serta berdoa (moga-moga selamat, sentosa, dll): *orang akan berdoa, ~ sedikit, akan melepaskan ia berjalan ke perantauan;*

menyedekahi 1. memberi sedekah kpd: *aku tidak sudi ~ orang pemalas*; 2. mengadakan kenduri utk: *ia ~ arwah anaknya*;

menyedekahkan memberikan sesuatu utk sedekah, mendermakan: *maka sekalian harta itu disedekahkan kpd segala fakir dan miskin.*

sedelinggam sj bahan cat yg merah; **linggam**.

sederam serentak (letupan dll), sekali gus: *bedil kecil meredang garam, bedil besar ~~~.*

sederhana 1. tidak lebih dan tidak kurang, biasa, pertengahan, sedang: *badannya ~, tidak tinggi dan tidak rendah; pakaiannya yg ~*; 2. tidak banyak selok-beloknya, tidak rumit, tidak sulit, mudah: *buat satu ayat yg ~; dia menjelaskannya dgn kata-kata yg ~*;

menyederhanakan menjadikan sederhana (sedang, mudah, pertengahan, dll): *kerajaan hendak ~ sistem pelajaran*;

kesederhanaan perihal sederhana (sedang, pertengahan): *suasana kampung yg harmonis digambarkan oleh Othman dgn penuh ~*;

penyederhanaan perbuatan menyederhanakan: *Ejaan Suwandi merupakan ~ dan penyempurnaan terhadap Ejaan van Ophuysen.*

sedia 1. memang ada (sejak dr mula atau dahulu), yg asal (sudah-sudah, dahulu), semula: *Sang Rajuna Tapa gelarnya, asalnya ~ orang Singapura*; 2. memang begitu (halnya, keadaannya), begitulah (biasanya): *yg hidup itu ~ akan mati juga sudahnya; kegemarannya tetap macam ~*; 3. siap (utk berbuat sesuatu), mustaid: *tetapi sudahlah ~ kawannya memegang murang*; 4. sanggup dan rela (mahu), sudi: *Amerika ~ mengirinkan rombongan itu pd bila-bila masa sahaja*; 5. telah sudah: *Si Sirih telah ~ mengetahui perangai Si Tenggang*;

sedianya sememangnya, sebetulnya, sepatutnya, jangkanya: *~ hamba hendak ke rumah Tuan*;

bersedia **1.** bersiap (utk melakukan sesuatu, menanti, dll): *~ utk menghadapi musuh*; **2.** = **bersedia-sedia** mempersiapkan diri: *ia sedang ~ utk berangkat*; **3.** rela dan sanggup: *~ menolong orang miskin*;

kebersediaan perihal (keadaan) bersedia: *~ utk tolong-menolong*;

menyediakan **1.** menyiapkan (makanan dll), melengkapi (kapal, kenaikan, dll), mencukupkan (wang dll): *diperintahkanlah sekalian menteri dan rakyat ~ pancapersada*; *~ wang utk membeli kereta*; **2.** mengadakan (sesuatu utk), mengatur, menyusun: *wakil itu ~ kenderaan utk membawa mereka ke asrama yg dikhaskan*;

tersedia telah disediakan (dilengkapi), ada: *teman hidupmu yg ibu idam-idamkan sudah~*;

ketersediaan keadaan tersedia: *~ indeks*;

kesediaan perihal sedia, kesanggupan, kerelaan: *mereka menampakkan ~ utk berjuang demi bangsa dan negara*;

persediaan **1.** perbuatan menyediakan, persiapan: *perasaan gentar semasa mengajar biasanya kerana kurang ~*; **2.** = **sediaan** sesuatu yg telah disediakan (ada), cadangan; *buku ~ mengajar buku yg mengandungi butir-butir pelajaran yg akan diajarkan kpd murid sehari-hari (disediakan oleh guru)*;

penyedia orang (institusi, badan, dsb) yg menyediakan sesuatu: *~ makanan*.

sediakala **1.** yg dahulu, yg semula, yg sudah-sudah: *maka surat dr Johor disuruh baginda jemput, spt adat yg ~*; **2.** sl sentiasa, selalu, setiap waktu: *adapun Seri Rama ~ duduk dgn percintaannya juga*.

sedih I sedan, sedu: *tangis dan ~*;

tersedih-sedih tersedan-sedan, tersedu-sedu, teresak-esak.

sedih II 1. = *~ hati* berasa pilu (susah, hiba) dlm hati: *Ramli memandang kpd ibunya dgn sayu, ~, perih*; **2.** menyebabkan rasa pilu (susah,

hiba): *Rosita menekan dadanya menahan gelora ~ pilu sukmanya; berita ~; cerita ~;*

bersedih = ~ *hati* berasa susah (pilu, hiba), berdukacita: *dia ~ apakala anaknya dihukum bunuh;*

menyedihkan **1.** menyebabkan rasa sedih, menyusahkan hati, memilukan, mendukacitakan: *apa yg ~ hati adik?* **2.** berasa sedih kerana sesuatu: *tidak usahlah disedihkan sangat tentang perkara itu;*

kesedihan perihal sedih, kepiluan: *bibirnya bergerak-gerak dan hidungnya kembang-kempis menahan ~;*

penyedih orang yg mudah berasa sedih (selalu berasa sedih).

sedik; tersedik terlintas (dlm hati): *ketika perkataan itu ~ di hatinya, dia mengangkat tangannya.*

sedimen (sédimen) (Geo) bahan spt lumpur, pasir, kelikir dsb yg dibawa dan ditinggalkan oleh air, angin atau ais di permukaan tanah, endapan.

seding Kl; **menyeding, terseding** condong, meliuk.

sedingin sj tumbuhan (herba utk ubat sakit demam), *Bryophyllum calycinum.*

sedok (sédok) Kl; **menyedok** menanduk (lembu dll).

sedot Jk; **menyedot** menghisap (rokok dll), menghirup.

sedu I sedan; ~-*sedan* suara yg terputus-putus atau timbul tenggelam (kerana lama menangis dll): *dgn tiba-tiba ~-sedannya bertambah dan dia menjerit sekuat-kuat hatinya;*

bersedu, bersedu-sedu, tersedu, tersedu-sedu menangis dgn suara yg terputus-putus (timbul tenggelam dll), teresak-esak, tersedan: *ibunya masih ~ dgn kesedihan yg mendalam utk meninggalkan rumahnya.*

sedu II sl = ~ *hati* sedih, pilu, susah hati.

sedu III Jk → □ **seduh**.

sedu IV ark sl cantik, elok, manis (rupa dll); *tingkah laku puteri itu ~ perdana* sedap manis dipandang.

seduayah sj tumbuhan (pokok renek), *Woodfordia fruticosa*.

seduh; menyeduh mencampurkan (menghancurkan, merendam spt daun teh, dll) dgn air panas: ~ *kopi (teh)*;

seduhan (air dll) yg telah diseduh: *air ~ daun-daunan*.

sedut; menyedut 1. menarik masuk (ke dlm) dgn kekuatan udara (dgn mulut, hidung, dll), menghirup, menghisap: *dia mengesat-ngesat air matanya dan ~ air yg keluar dr hidungnya; dia ~ rokoknya; 2.* ki memetik, mengambil, mendapatkan (dgn keras), memeras: *di bawah ini kita sedut sebahagian besar drpd surat-surat itu; mereka ~ wang drpd orang ramai;*

tersedut terhisap (dgn kekuatan udara) masuk kerana disedut: *maka darah itu dgn serta-merta ~ masuk ke dlm tiga pembuluh besar;*

sedutan 1. yg telah disedut, hasil menyedut: ~ *pertamanya pd rokok itu panjang sekali; 2.* sebahagian kecil drpd sesuatu filem, tulisan, ceramah, wawancara dsb yg dipetik dan disiarkan secara berasingan, cabutan, petikan: *sekarang ikutilah ~ wawancara tersebut; tayangan ~ filem yg berkenaan menjadi sebahagian drpd atur cara majlis;*

penyedutan perbuatan menyedut (menghisap dll), penghisapan;

penyedut sesuatu (alat dll) yg menyedut; ~ *air batu* pembuluh utk menyedut air batu, straw;

berpenyedut mempunyai penyedut: *gelas ~*.

seer (séér) Kl berasa jijik atau geli kerana kotor, berlendir, dsb.

seg (ség) → **sek II**.

sega licin berkilat (kulit rotan dll); *rotan* ~ sj tumbuhan (palma),
Calamus caesius.

segading; ~ *jantan* a) sj tumbuhan (pokok), pecah payung, *Ixora crassifolia*; b) sj tumbuhan (pokok), jarum hutan, *Ixora grandifolia*.

segah **1.** berasa penuh (kerana kekenyangan dll), senak; **2.** terlalu penuh berisi (pundi-pundi, karung, dll).

segak; **menyegak** menengking, membentak, mengherdik.

segak (ségak) **1.** bergaya, gagah, kacak, tampan: *Latif yg ~ tampan sedang menukar bajunya*; **2.** sembuh drpd sakit, segar, sihat;

menyegakkan menyihatkan (menyegarkan) badan; ~ *diri* menggayakan (menggagahkan) diri;

kesegakan perihal (sifat, keadaan) segak, kekacakan, ketampanan.

segala **1.** semua (tiada kecuali), sekalian, seluruh: ~ *negeri yg bertamadun mempunyai perkhidmatan perubatan*; **2.** seluruh, segenap: ~ *badannya berlumuran darah*; **3.** semuanya, serba; ~ *salah serba salah*; **4.** Jk, bk memangnya, sungguh (utk memaki);

segalanya termasuk apa sahaja (tidak terkecuali), semua sekali, semuanya, segala-galanya: ~ *kabur dan dangkal; di kelab dangdut itulah ~ bermula dan berakhir*;

segala-galanya seluruhnya sekali, sekaliannya (tiada kecuali):
mereka itu menguasai ~;

disegalaapakan ark dilakukan dgn sekehendak hati (sewenang-wenangnya);

kesegalaan keseluruhan: ~ *yg wujud dlm masyarakat Malaysia*.

segan **I** **1.** tidak suka berbuat sesuatu, tidak mahu, tidak sudi, enggan, malas: *mereka ~ hendak turun naik tangga mahkamah itu*; **2.** = ~ *silu* berasa malu (silu, hormat, dll): *ada sesetengah ibu yg berasa ~ kerana mengandung*;

tak ~ a) mahu, sudi, suka; b) tidak malu; c) tidak takut-takut; *tak* ~ ~ tidak malu-malu, tidak takut-takut, tidak harga-menghargai; ~ *tak* ~ tidak malu-malu, tidak takut-takut; ~ *bergalah, hanyut serantau* = ~ *berkayuh perahu hanyut* = ~ *bertanya sesat jalan* prb kalau tidak mahu berusaha tidak mungkin mendapat kejayaan;

segan-segan malu-malu: *janganlah ~, jemputlah masuk;*

segan-menyegan saling berasa segan: *rasa ~ antara jiran sebelah-menyebelah rumah masih menebal di kalangan masyarakat kita;*

menyegani berasa segan (hormat, malu, takut) kpd, memalui, menghormati serta menakuti: *ia sangat disegani oleh teman-temannya; pahlawan perang dan anggota dewan perwakilan rakyat yg disegani;*

segan-menyegani saling menghormati, malu-memalui, harga-menghargai (antara satu dgn lain);

menyegankan berasa segan (hormat, malu, takut) akan: *kalau begitu apalagi yg kakak segankan;*

keseganan 1. yg disegani (ditakutkan, dimalukan): *tetapi ada anaknya yg mulia dan gagah ~ orang banyak;* **2.** perihal segan (malu, takut, malas, dll), keenggan, kemalasan;

penyegan orang yg segan (malas, malu, dll), pemalas, pemalu: *dahulunya saya perawan yg pendiam lagi ~.*

segan II 1. sj burung, a) burung malas, *Caprimulgus indicus*; b) burung kubur, *Caprimulgus macrurus*; **2.** sj burung, burung cucur, *Batrachostomus auritus*.

seganda sj tumbuhan.

segani ark jurumudi.

segar I 1. nyaman dan sihat (badan), tidak berpenyakit, cergas: *perjalanan darah menjadi bertambah kencang dan seluruh*

anggota akan ~; 2. menimbulkan rasa nyaman (enak, tenteram): angin yg berhembus sepoi-sepoi dr balik bukit itu ~ nyaman; 3. tumbuh dgn suburnya (bkn tumbuh-tumbuhan), tidak layu: tumbuh-tumbuhan hidup ~ di taman ini; 4. rancak, cergas, hidup: gaya pengucapan yg ~; ia juga mengharapkan novel Alias Ali yg akan datang akan lebih ~ drpd novel 'Gersang' ini; 5. masih baru (sesuatu barang, berlakunya sesuatu peristiwa dll), terlekat pd ingatan: segala apa yg terjadi antara dia dan teman-temannya masih ~ dlm ingatannya; tenaga-tenaga baru yg masih ~; ~-bugar = ~-pugar a) sihat (cergas, subur, pantas) benar: menangis ibunya melihat keadaan puteranya yg dahulunya ~-bugar, kini hanya sbg rangka; b) masih baru benar (sesuatu benda, peristiwa, dll); menyegar menjadi segar (kulit dsb): kulit boleh melembut dan ~ dgn menggunakan krim muka ini;

menyegarkan menjadikan segar (sihat), menyebabkan jadi segar: bersenam dan bermain itu ~ otak; angin malam berhembus ~;

kesegaran perihal atau keadaan segar (sihat, cergas, dll), kecergasan: ~ badannya dijaga sungguh-sungguh;

penyegaran proses menyegarkan sesuatu;

penyegar sesuatu yg menyegarkan (menyebabkan menjadi segar).

segar II lidi ijuk.

segara sl lautan, laut.

segari; ~ berdahan sj tumbuhan (pokok kecil), cindangan hutan, jolok hantu, lupa dahan, malas berdahan, mempelai bukit, segan berdahan hutan, telur obok, tumbuh nyiur, *Arthrophyllum oralifolium*.

segau; ~ petaling sj tumbuhan (pokok), akar kembang hutan, kayu cenderus, seburas hitam, *Trifurcum urophyllum*.

segeh (ségéh) Mn siap sedia, kemas, teratur;

bersegeh berkemas, bersiap sedia;

menyegehi mengemasi, menyelesaikan (persiapan).

segel (ségl) IB **1.** cap (sbg tanda), tera, meterai; ~ *tempel* segel yg dilekatkan pd surat tanda pembayaran dll; **2.** kupon (utk membeli barang-barang);

menyegel **1.** mengecap (dgn tera, meterai); **2.** membubuh cap (pd surat-surat penting dll) dgn lak dll; **3.** ki menutup kedai dll (oleh polis kerana melanggar undang-undang dll);

penyegelan perbuatan menyegel.

segeli sj tumbuhan (di kawasan paya), geli-geli, *Lasia spinosa*.

segenap seluruh, setiap; → □ **genap**.

segenting I kawasan yg sempit yg menghubungkan dua kawasan daratan yg besar: *S~ Kra*.

segenting II; *daun* ~ sj tumbuhan (pokok renek), adal-adal, puding, puding mas, puding perak, *Codiaeum variegatum*.

segera tidak berlengah-lengah lagi, cepat, gesa-gesa, lekas-lekas: *marilah kita pergi ~* ;

segera-segera sl segera: *pergilah engkau kembali ~ sampaikan kataku ini*;

bersegera cepat-cepat, lekas-lekas, tergesa-gesa: *kami pun ~ menukar pakaian*;

bersegera-segera sl bersegera;

menyegerakan **1.** melekaskan, mencepatkan: *Tunku meminta Britain menambah bantuan dan ~ pengirimannya*; **2.** menggesa (meminta) supaya lekas-lekas: *maka Bendahara dan Seri Nara Diraja ~ orang membuat istana*;

kesegeraan keadaan segera: ~ *usaha di peringkat persekutuan utk melaksanakan perubahan*;

penyegeraan perihal (proses, perbuatan atau tindakan) menyegerakan: *kajian itu mengaitkan vitamin C dgn ~ pemulihan serangan sakit jantung.*

segerah sl □segera.

segerang; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), a) akar tengkang merah, akar tengkang putih, getah gerip putih, Willughbeia flavescens; b) akar cerit murai, akar gerip relong, akar getah gerip, getah pucung kapur, Willughbeia tenuiflora.*

segi 1. garis pd tepi dadu (kotak dll), sanding: *batang pensel yg enam ~nya; kikir tiga ~*; **2.** garis pd tepi bidang, garis-garis yg menjadi pemedang (pd rajah, gambar rajah, dll), sisi: *lukis sebuah rajah tiga ~ di dlm bulatan ini*; **3.** permukaan yg kecil-kecil (pd intan dll); **4.** Id ruangan yg memanjang pd kertas, lajur, kolom; **5.** ki pandangan terhadap sesuatu, sudut pandangan, aspek: *dr ~ agama, suaminya memang berhak beristeri lagi*;

bersegi ada seginya (sanding, sisi); *betung bulat tak ~, pipit jantan tak bersarang prb orang yg bebas sekali hidupnya*;

persegi 1. ada seginya, bersegi: *~ lima*; **2.** bidang yg mempunyai empat sempadan garis lurus dan bersudut tepat; *~ panjang = empat ~ panjang empat persegi yg sisinya tidak sama panjang*; **3.** Id bujur sangkar, ganda dua: *daerah itu luasnya 12 batu ~.*

segi empat (Mat) rajah satah yg mempunyai empat sudut;

~ sama segi empat yg setiap sisinya sama panjang dan setiap sudutnya 90^0 ; *~ selari* segi empat yg tiap-tiap sepasang sisinya yg bertentangan adalah selari; *~ tepat* segi empat yg mempunyai dua pasang sisi bertentangan yg sama panjang dan setiap sudutnya 90^0 .

segini bp sebanyak (sebesar, selama, dll) ini, begini.

segi tiga (Mat) rajah yg mempunyai tiga sempadan (sisi) atau tiga sudut;

~ *cakah* segi tiga yg satu drpd sudutnya sudut cakah (melebihi 90^0 bukannya); ~ *dua sama* segi tiga yg dua sempadannya sama panjang; ~ *sama* segi tiga yg ketiga-tiga sempadannya sama panjang; ~ *sebentuk* (beberapa) segi tiga yg sama bentuk dan buka sudutnya tetapi tidak sama sempadannya; ~ *serba sama* (beberapa) segi tiga yg sama besar sempadan dan sudutnya; ~ *tak sama* segi tiga yg mempunyai satu sudut tepat (90^0); ~ *tirus* segi tiga yg semua sudutnya sudut tirus (kurang drpd 90^0).

segitu bp sebanyak (sebesar, selama, dll) itu, begitu.

segmen (ségmen) **1.** bahagian (dr sesuatu), penggal; **2.** (Bio) bahagian dr binatang yg beruas-ruas (cacing, serangga, dll).

segok Tr menanduk.

segok (ségok) Kd, Pn segan, malu, janggal.

segok-segok seolah-olah berasa sangat segok, agak segok, malu-malu, segan-segan: *agak ~ Pak Hamid duduk berlaga lutut dgn teman lamanya itu.*

segombang; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok renek), pakau jantan, pokok kelang tanduk, seriyang putih, susuh ayam, *Kibra chartacea*.

segondol; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok menumpang), *Microstylis congesta*.

segoreh (segoréh); *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok renek), adap-adap, balik adap, cagedi, daun puteri, *Mussaenda glabra*.

segregasi (ségrégasi) pengasingan (antara satu kelompok dgn kelompok lainnya), pemisahan, pemencilan: ~ *sosial*.

seguih sj tumbuhan (pokok renek), *Tarenna napieri*.

segumbar; ~ *urat* sj tumbuhan (herba), lembu, *Piper umbellatum*.

segunja; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), daun bajang, *Anadendrum montanum*.

seh (séh); *naik* ~ bp naik angin, marah.

seharah sj peti besar yg bertutup (tempat menyimpan beras dll).

seih (séih) Kl terlampau kenyang.

seilometer (séilométer) alat utk mengukur ketinggian dasar lapisan awan.

seismograf (séismograf) alat utk merakam dan mengukur kekuatan gempa bumi.

seismogram (séismogram) bacaan atau rakaman yg dihasilkan oleh seismograf.

seismologi (séismologi) kajian saintifik tentang fenomena gempa bumi.

seismometer (séismométer) alat yg merakam dan mengukur kekuatan gempa bumi.

seismonasti (séismonasti) (Bio) pergerakan tumbuhan sbg gerak balas terhadap rangsangan getaran atau kejutan.

seismos (séismos) (Geo) berkaitan dgn atau disebabkan oleh gempa bumi: *peningkatan kegiatan ~ membayangkan gunung itu akan meletup tidak lama lagi.*

seismoskop (séismoskop) alat yg menunjukkan berlakunya kejadian gempa bumi.

seit (séit) Kl panas dan berpeluh (tubuh kerana demam).

sej (séj) sj tumbuhan (herba) yg daunnya wangi dan berwarna hijau kekelabuan, digunakan sbg perasa dlm masakan daging, *Salvia officinalis*.

sejadah tikar sembahyang.

sejahtera aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara drpd bencana (kesusahan, gangguan, dll): *moga-moga kita dapat hidup dlm ~; selamat ~;*

menyejahterakan menjadikan sejahtera, mengamankan, menyelamatkan: *Ya Tuhanku, sejahterakanlah Laksamana itu;*

kesejahteraan keselamatan, kesenangan (hidup dll), kesentosaan, ketenteraman: *manusia mesti bekerja keras utk mendapat ~ di dunia dan di akhirat.*

sejak bermula dr, mulai, dari: *dia hampir bingung ~ dua tiga hari yg lalu;* → □ **semenjak.**

sejangat; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar guih, akar jangat, akar sekuit, Spatholobus ferrugineus.*

sejangkang sj tumbuhan (pokok), jangkang betina, *Xylophia ferruginea.*

sejarah 1. sl asal usul (keturunan), salasilah: ~ *Melayu;* **2.** peristiwa yg benar-benar berlaku pd waktu yg lampau, kisah, riwayat, tambo: *cerita yg disangka dongeng itu menjadi fakta ~ sesudah dijumpai bukti-bukti yg mengesahkannya;* **3.** = *ilmu ~ kajian* atau pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yg telah lalu, tawarikh: ~ *Tanah Melayu; ahli ~;* ~ *umum* sejarah mengenai seluruh dunia;

bersejarah 1. ark menanyakan asal usul, mengusul: *sungguh, lebih baik hamba ~ dgn dia;* **2.** mengandungi sejarah, termasuk dlm sejarah: *Melaka ialah sebuah bandar yg ~;*

menyejarahkan meriwayatkan, mengisahkan;

kesejarahan perihal sejarah: *watak perwira Hang Tuah dilukiskan dgn amat terbatas sekali, sesuai dgn ~nya dlm Sejarah Melayu;*

persejarahan perihal sejarah, yg berkaitan dgn sejarah: *hakikat keilmuan dan ~ yg ditunjukkan oleh al-Quran;*

penyejarahan penulisan sejarah: *Raja Ali Haji membawa suatu unsur baru dlm ~ Melayu.*

sejarang sj tumbuhan (pokok renek), lada-lada, (batang) lelada, *Ervatamia peduncularis.*

sejarawan ahli sejarah.

sejarawi berkaitan dgn sejarah: *pernyataan ini tentunya agak berlawanan dgn pernyataan klasik ahli linguistik ~ tempatan; pendekatan ~ tidak dapat menerangkan fenomena demikian.*

sejat hilang atau kering (air, minyak, dll) kerana menjadi wap dll: *ada seketika air pun ~lah; saya ada sepuluh gelen minyak petrol, tetapi tiga gelen daripadanya telah ~ kerana panas;*

menyejatkan mengeringkan air dll (dgn mengewapkan dll): *air bersih tidak meninggalkan apa-apa hampas apabila disejatkan;*

tersejat telah hilang atau kering (air dll) kerana diwapkan dll: *garam akan menghablur di sekeliling pantai laut apabila airnya ~ oleh panas matahari;*

penyejatan perihal menyejat (menjadi kering): *utk menghindarkan ~, permukaan air itu hendaklah dilapisi dgn minyak;*

penyejat alat (mangkuk dll) utk menyejatkan sesuatu: *mangkuk ~ .*

sejerit; ~ *hitam* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar perut lembu, secerek (hitam), selempah, serepat jantan, *Gnetum campestre*.

sejingkat; bersejingkat berjalan dgn hujung kaki, berjengket, bertonjet.

sejoker (sejokér) Kl sebahagian kecil (kuih dll), secebis, sekelumit.

sejopok Kl setompok kecil, sejemput.

sejuk I 1. tidak panas atau hangat, rendah suhunya, dingin: *peti ~;* 2. segar dan nyaman: *apabila banyak udara keluar masuk dr sesebuah bilik, maka bilik itu akan menjadi ~;* 3. berasa dingin: *kulit ini memelihara tubuh drpd ~, basah, ...;* 4. ki tenang dan tenteram (fikiran), senang dan lega: *berita yg hendak hamba nyatakan ini elok didengar ketika fikiran sedang ~ dan nyaman; ~ hati* tidak risau, lega, tenang; *~ paru-paru* sj penyakit bengkak paru-paru; *~ senyek* Kl sejuk benar (macam air batu);

bersejuk terdedah kpd keadaan sejuk, kena sejuk: *kenapa ayah dibenarkan bangun pd pagi hari utk ke tandas sedangkan ia tidak tahan ~?*

menyejuki menjadikan sejuk oleh sesuatu: *bilik itu disejuki oleh sebuah kipas gantung;*

menyejukkan **1.** menjadikan sejuk (dingin, segar, dll), mendinginkan: *dia pergi merendamkan dirinya dlm sungai utk ~ badannya yg panas itu;* **2.** menenangkan (fikiran, perasaan, dll), meredakan atau menghilangkan (kemarahan dll), menghiburkan, menyenangkan: *senyuman dan pandangan yg berisi itu ~ hatinya; cinta sbg api membakar, cinta sbg air ~;* **3.** ki memperbaiki (keadaan), memulihkan: *nilai mata wang sterling telah diturunkan utk ~ ekonomi yg terlalu kucar-kacir;*

kesejukan **1.** perihal sejuk, kedinginan: *di tengah-tengah ~ yg menjadi-jadi itu, Hayati merasai kedua-dua pipinya basah;* **2.** kena (mendapat) sejuk, masuk angin: *kaki tangannya menggeletar ~;*

penyejukan perihal menyejukkan; ~ *hawa* perihal menyamankan hawa (udara dlm bilik, kereta, dll);

penyejuk sesuatu yg menjadikan sejuk (kipas angin, dll): *mesin ~.*

sejuk II; *daun* ~ sj tumbuhan (herba yg boleh dibuat ubat), *Kalanchoe laciniata.*

sejuk beku diawet secara proses penyejukan sehingga berkeadaan beku supaya tahan lama (bkn bahan makanan dsb): *kesegaran dan mutu ikan ~ juga sama dgn ikan segar biasa; sperma ~;*

menyejukbekukan menyebabkan (bahan makanan dsb) sejuk beku: *peringkat pertama ialah langkah ~ makanan basah;*

penyejukbekuan proses (perbuatan, tindakan dsb) menyejukbekukan: *buah itu boleh dimakan segar atau diawet*

secara ~, pengetinan atau pengeringan; pektin digunakan utk mengawal saiz hablur ais yg terbentuk semasa ~.

sejulung Kl beberapa ketika (bulan, tahun) yg lalu.

sejumbuk sj tumbuhan (herba), ekor angin, *Plantago major*.

sek (sé) I Kl koyak, carik.

sek (sé) II Id; *tembakau* ~ sj tembakau yg halus racikannya.

Sek. kep Sekolah: ~ *Rendah*.

seka (séka); **berseka** menyapu-nyapu (menggosok-gosok) dgn kain dll:

maka ~lah ia di hadapan meja cuci muka, lalu berpakaianlah;

menyeka, menyekai menyapu (menggosok dll) supaya bersih atau kering: *disekanya air mata yg mengalir di pipinya yg cengkung itu; peluh yg mengalir di muka diseka dgn tangan;*

menyekakan menyapukan, menggosokkan.

sekaca; ~ *lima jantan* sj tumbuhan (pokok kecil), balung ayam, ceret hutan, kayu sampu kelau, *Clerodendron deflexum*.

sekah patah dan jatuh (dahan kayu dll): *dahan-dahan kayu yg sudah lapuk itu mungkin akan ~ dan menimpa pondok mereka.*

sekah (sékah) I sl lukisan (bunga) pd mata wang: *maka disuruhlah Raja Kida Hindi suratkan nama Raja Iskandar atas ~ dirhamnya.*

sekah (sékah) II sl segak dan pantas (sikap), sajak, bergaya: *dia menari terlalu ~.*

sekak I Id, bp main catur.

sekak II Kl, bp **1.** senak (kerana kekenyangan); **2.** sesak, risau (kerana dukacita dll).

Sekak III; *orang (bangsa)* ~ sj suku bangsa di Belitong.

sekakar Id, bp kedekut (bakhil, kikir, lokek) benar.

sekakelar IB, bp suis (elektrik).

sekaker □ → **sekakar**.

sekala biasanya, ghalibnya, selalunya.

sekali □ → **kali I.**

sekalian □ → **kali I.**

sekali gus (melakukan sesuatu dll) dgn satu kali sahaja atau serentak:

mereka mahu membayar baki hutang mereka ~.

sekalipun meskipun, sungguhpun, walaupun.

sekam kulit padi (yg tertanggal setelah ditumbuk dll);

~ *menjadi hampa berat* prb (kehilangan yg) tidak merugikan sangat; *spt api di dlm ~* prb a) perbuatan jahat yg tersembunyi; b) cinta yg terpendam; *tiada terbawa ~* prb seseorang yg dungu rupanya tetapi terlalu jahat perangainya; *tiada terbawa ~ segantang* prb keadaan seseorang yg sangat lemah (kerana uzur dll).

sekan (sékan) (Mat) garisan lurus yg memotong suatu bulatan pd dua tempat yg berlainan.

Sekanak; *orang ~* sj suku bangsa (orang Laut) di Kepulauan Riau.

se kang Mn sumbat;

menyekang menyumbat, mengganjal;

~ *mata* ki menyakitkan (tidak menyenangkan, merisaukan) hati; ~ *perut* bk makan, mengisi perut;

tersekang tersumbat, tersekat.

sekap Jk; **menyekap** **1.** menyimpan di tempat yg tersembunyi (tertutup), memeram (buah-buahan): ~ *pisang*; **2.** mengurung (menahan, memingit) dlm bilik (penjara dll): *pencuri itu senang disekap di penjara*; ~ *mulut* menutup (mengunci) mulut;

sekapan **1.** sesuatu yg diperam, (buah) peraman; **2.** orang yg disekap (ditahan, dipenjarakan, dikurung); **3.** = **penyekapan** tempat menyekap, penjara, kurungan;

penyekapan **1.** perbuatan menyekap; **2.** tempat menyekap, penjara.

sekapar sj ikan laut.

sekar Jw, sl bunga; ~ *suhun* sj kalung drpd emas.

sekarang waktu atau masa ini (bukan waktu yg telah lalu dan bukan yg akan tiba), kini: *kira-kira ini mesti dibuat ~ juga*.

sekasap sj tumbuhan (pokok renek), daun bunga china, daun sengsara, daun telinga kerbau, terung belah raya, rembang, rimba, *Solanum verbascifolium*.

sekat I 1. sesuatu (dinding, tabir, dll) yg membahagi-bahagikan ruangan: *di antara kedua-dua tempat tidur mereka dipasang ~; ~ hidung* bahagian antara kedua-dua lubang hidung; **2.** = **sekatan** halangan, galangan, rintangan;

bersekat 1. mempunyai (memakai) sekat: *rumah itu tidak berbilik, hanya ~ di antara bahagian dapur dgn bahagian depan*; **2.** ada had atau batasnya (kuasa dll);

bersekat-sekat mempunyai banyak sekat, terbahagi-bahagi oleh sekat (ruang bilik dll);

menyekat 1. = **menyekati** memisahkan (membahagi-bahagikan) dgn sekat, memberi bersekat: *ruang yg besar itu disekat menjadi beberapa bilik kecil*; **2.** = **menyekati** menahan supaya tidak merebak atau melimpah (penyakit, air, dll), membatasi, membendung, menghalang: *jika lekas diubati, penyakit itu akan dapat disekat drpd melarat; pasukan keselamatan akan dapat ~ gerila-gerila itu drpd bermaharajalela*; **3.** membatasi (menyekap, mengasingkan) diri;

tersekat kena sekat, disekati, terhalang: *pandangannya ~ oleh daun-daun pisang yg menghijau*;

tersekat-sekat terputus-putus (suara dll), tersangkut-sangkut: *suaranya itu ~ sedikit keluaranya*;

sekatan 1. benda (dinding dll) yg membahagikan sesuatu, sekat; **2.** rintangan, galangan: ~-~ *ekonomi dan perdagangan hendaklah dibatalkan dgn segera*; **3.** ruang (bilik dll) yg telah dibahagi-bahagikan oleh sekat;

penyekatan perbuatan menyekat;

penyekat 1. sesuatu yg digunakan utk menyekat, tabir, tebeng: ~ *kekisi*; **2.** sesuatu yg menyekat (menggalang, menghalang, merintang, dll).

sekat II IB, bp bermain melincir di atas air batu (dgn kasut yg berpisau).

sekaten (sekatén) Jw perayaan (pasar malam) pd bulan Maulud; *gamelan* ~ gamelan yg dipukul pd perayaan itu.

sekati I Jw gamelan sekaten.

sekati II sl sj alat bunyi-bunyian.

sekati III; ~ *lima* sl sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ara tanah, akar gerit putih, *Aganosma marginata*.

sekatuk; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat atau menjalar), pokok kuku lang, *Zanthoxylum hirtellum*.

sekaut IB ark mata-mata, penyuluh.

sekebah sj tumbuhan (pokok memanjat), akar mambu, jemerah, lemak pahit, mambu jantan, memambu, *Millettia sericea*.

sekeber (sekébér) sl petor.

sekedeng (sekédéng) IB, bp belah rambut, sebak rambut.

sekedim NS; *saudara* ~ adik-beradik seibu dan sebapa, adik-beradik kandung.

sekeduduk sj tumbuhan (pokok renek), ke(n)duduk, *Melastoma malabathricum (polyanthum)*.

sekeduk; *rumpun* ~ sj tumbuhan (herba), ara batu, daun misai kucing, rumput jalang, rumput tali ayam, selasih dandi, *Ageratum conyzoides*.

sekedup tempat duduk di atas belakang unta, pelana, sela; **syakduf**.
sekeh (sékéh); **menyekeh** memukul kepala dgn buku jari, meluku.
sekek (sékék) Kl, bk (makian) celaka, sial.
sekembang sj tumbuhan (herba), *Hedyotis capitellata*.
sekencong (sekéncong) sj tumbuhan (pokok renek), *Desmos chinensis*.
sekendai, **sekendal** sj tumbuhan (pokok), nona burung, *Cordia dichotoma*.
sekendi sj burung, *Threskiornis aethiopica*.
sekenhen (sékénhén) bp sudah dipakai (dimiliki orang dsb) sebelumnya, bukan baru atau pertama kali digunakan (dimiliki) oleh seseorang: *basikal* ~.
sekentut sj tumbuhan (pokok renek), kentut-kentut, *Saprosma glomerulatum*.
sekepet (seképét); *rumpun* ~ *burit* sj tumbuhan (herba), kancing baju jantan, katup perenggang, rumput teki, *Kyllinga brevifolia*.
sekeram (sekéram) IB, bp sj dinding, sekat.
sekerap **1.** bahan buangan atau barang yg telah digunakan, terutamanya logam, yg dipungut dan diproses semula: *logam* ~; **2.** sisa drpd sesuatu; *getah* ~ getah buku drpd sisa lelehan susu getah yg telah mengeras.
sekeras; *daun* ~ *akar* sj tumbuhan (herba), daun lipah, peparu hitam, *Polytrema vulgare*.
sekeri engsel atau sendi (pd pintu dll).
sekering (sékering) IB fius (elektrik).
sekerja sama pekerjaannya, sejawat; □ → **kerja**.
sekesel (sekésél) IB sj sekat yg boleh dialih-alih, skrin.
seket (sékrét) bagan, lakar, skema.
seketeng (sekéténg); *lawang* ~ sl sj pintu kota, pintu gerbang.

sekijang; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar pelanduk, akar perut kerbau (kijang), akar ulan jantan, jambul siul, *Erycibe princei*.

sekiki sj ikan laut, *Leiognathus spp.*

sekilwak IB penjaga (di istana dll), senteri.

sekin sj pisau.

sekip IB **1.** sasaran atau matlamat menembak (utk berlatih), bulan-bulan; **2.** tempat berlatih menembak.

sekjen (sékjen) Id akronim bagi sekretaris jenderal.

seko (séko) **I** (S.Lukis) teknik membuat lukisan dinding atau mural yg dibuat pd plaster kapur kering.

seko (séko) **II** Id penyuluh, mata-mata.

sekobang sj tumbuhan (pokok), bunga leraki, kekapur, pelir musang, pokok guring, sesundo bukit, *Anaxagorea scortechinii*.

sekoci 1. sj kapal (perahu) kecil, perahu (potongan Eropah): *tiga buah ~ diturunkan ke laut utk mencari Tahir*; **2.** tempat gelendong benang yg di bawah jarum (pd mesin jahit).

sekoi sj tumbuhan (pokok drpd jenis padi dan buahnya), enjelai, jawawut, menjelai, *Panicum spp.*

sekolah 1. tempat utk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran: ~ *Melayu*; ~ *menengah*; **2.** masa belajar di sekolah: *pukul berapa ~ dimulakan tiap-tiap hari?* **3.** penuntutan ilmu, pengajaran atau pelajaran (yg diperoleh dr sekolah), ilmu pengetahuan: *saya ingin benar hendak melanjutkan ~ saya ke peringkat yg lebih tinggi*; **4.** bp pergi ke sekolah, menuntut (di sekolah): *kenapa engkau tidak ~ hari ini?*

~ *atap* sekolah kampung (biasanya beratap daun nipah dll); ~ *bestari* sekolah yg berasaskan komputer dan multimedia sbg bahan bantuan pembelajaran; ~ *buta huruf* = ~ *dewasa* sekolah utk orang

dewasa yg buta huruf; ~ *liar* Id sekolah persendirian yg tidak menurut syarat-syarat yg ditentukan oleh kerajaan; ~ *malam* sekolah yg diadakan pd waktu malam sahaja; ~ *menengah* sekolah peringkat menengah yg penuntut-penuntutnya berumur antara 13 tahun hingga 19 tahun (selepas pendidikan awal di sekolah rendah); ~ *partikelir* Id sekolah yg tidak didirikan oleh pemerintah; ~ *pembaik akhlak* sekolah tempat membaiki akhlak kanak-kanak dll; ~ *penerbangan* pusat yg melatih bakal juruterbang; ~ *pondok* sekolah agama di kampung-kampung; ~ *rakyat* a) sekolah persendirian di kampung-kampung; b) Id = ~ *rendah* sekolah permulaan (utk kanak-kanak); ~ *siswazah* jabatan atau fakulti di sesebuah universiti yg menawarkan kursus atau pengajian lanjutan kpd para siswazah; ~ *subsidi* Id sekolah persendirian yg mendapat bantuan drpd pemerintah; ~ *terbang* sekolah yg mengajarkan pengetahuan dan kepandaian memandu kapal terbang; ~ *tinggi* universiti; ~ *wawasan* gabungan tiga jenis sekolah rendah, iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil yg terletak di dlm satu kawasan yg sama dan berkongsi kemudahan spt padang permainan, dewan, kantin dsb dgn tujuan utk memupuk perpaduan antara kaum;

bersekolah **1.** (mulai) menuntut di sekolah, pergi ke sekolah: *kanak-kanak yg baru ~ terpaksa mengubah kebiasaan mereka*; **2.** berpendidikan atau berpelajaran (kerana terlatih di sekolah): *orang-orang yg ~;*

menyekolahkan memasukkan ke sekolah, menyuruh bersekolah: *dia berjanji akan ~ adik perempuannya itu;*

sekolahan Id ark rumah sekolah;

persekolahan perihal sekolah: *ibunya meninggal dunia ketika mengurus ~nya;*

sepersekolahan bersama-sama menuntut di sekolah: *kawan ~.*

sekom Pr sedikit.

sekon I Id saat, detik.

sekon II Tr tersadai (kereta, lori, bus, dsb.)

sekongkol 1. (orang yg) turut serta dlm sesuatu pergerakan jahat (menyeludup, merompak, dll); **2.** = **bersekongkol** berkomplot (berpakat, bersubahat) dlm sesuatu pergerakan jahat: *Ali telah sungguh-sungguh ~ dgn bangsa asing;* **3.** = **sekongkolan** kumpulan atau pakatan utk melakukan kejahatan (menyeludup, merompak, dll);

persekongkolan perbuatan bersekongkol.

sekonyar □ → **skuner.**

sekop IB penyodok tanah (pasir dll) drpd besi yg bergandar panjang.

sekopong daun terup yg bergambar dayung keling, sped;

main ~ main terup; menengok ~ menilik serasi dgn daun terup.

sekosol □ → **sekesel.**

sekotah sl seluruhnya, semuanya.

sekoteng (sekoténg) Id sj minuman yg manis (diperbuat drpd air panas, tangkue, gula, dll).

sekoyah sj tumbuhan (pokok memanjat), akar katup-katup, kekatup, akar kait-kait rimba, *Bauhinia flammifera.*

sekretari (sékrétari) bp setiausaha.

sekretariat (sékrétariat) **1.** jawatan setiausaha; **2.** pejabat setiausaha; **3.** pegawai-pegawai atau jabatan yg diamanahkan utk menjaga rekod dan melaksanakan tugas-tugas kesetiausahaan, urus setia.

sekretaris (sékrétaris) IB setiausaha;

~ *peribadi* setiausaha peribadi; ~ *jenderal* Id a) setiausaha agung (sesebuah parti politik dll); b) setiausaha tetap (kementerian).

sekretin (sékrétin) (Bio) hormon yg dikeluarkan oleh duodenum dan berfungsi utk merangsang pankreas supaya merembeskan jus pankreas.

seks (séks) **1.** sifat-sifat yg membezakan laki-laki dan perempuan, jantina; **2.** keinginan syahwat;

~ *bebas* perbuatan melakukan hubungan seks tanpa ikatan perkahwinan yg sah; ~ *rambang* perbuatan melakukan hubungan seks tanpa ikatan perkahwinan yg sah dgn bertukar-tukar pasangan.

seksa (séksa) **1.** kesengsaraan (kesusahan, kesakitan, dll) yg dideritai sbg hukuman, hukuman yg menyakitkan (menyusahkan dll), aniaya, azab: *azab* ~ *Tuhan akan menimpa orang yg tidak jujur*; **2.** pedih, sakit, sengsara, susah: *hidup pun* ~ *benar*;

menyeksa **1.** memberi atau menghukum seseorang supaya sengsara (sakit, susah, dll), menganiaya: *lain yg salah lain yg diseksa*; **2.** menyakitkan, menyusahkan: ~ *diri sendiri*;

menyekasai menyeksa berkali-kali;

terseksa (telah) mengalami seksa (kesengsaraan, kesakitan dsb), (telah diseksa): *jiwa mana yg tidak* ~; *lebih baik mati di medan perjuangan drpd hidup* ~ *di bawah cengkaman musuh*;

seksaan **1.** aniaya, penganiayaan: *mereka menjadikan perkahwinan bukan sbg syurga dunia melainkan sbg neraka* ~; **2.** kesakitan, kesusahan: *keluhannya keluar bagaikan satu* ~ *yg tidak tertanggung lagi*;

penyeksaan perihal menyeksa, penganiayaan: *sekarang dia berasa lapang kerana terlepas drpd* ~ *jiwa yg dihadapinya*;

penyiksa orang yg menyiksa, sesuatu yg menyiksa (peperangan, kebuluran, dll).

seksi (séksi) **I** **1.** seksyen, bahagian: ~ *penerbitan majalah*; **2.** Id pembedahan mayat (utk menyiasat sebab-sebab kematian dll).

seksi (séksi) **II** bp menimbulkan nafsu syahwat, menggiurkan, memberahikan, mengghairahkan: *berbadan ~*;

keseksian keadaan atau sifat seksi: *rambut ikalnya yg hitam mengurai masih menyerlahkan ~ dan kecantikannya*.

seksionalisme (séksionalisme) sikap lebih prihatin terhadap kepentingan atau kesejahteraan sesuatu puak (kumpulan, golongan dsb) tertentu, bukan terhadap kepentingan atau kesejahteraan masyarakat seluruhnya.

seksisme (séksisme) sikap diskriminasi yg berdasarkan jantina, terutamanya sikap memandang rendah terhadap kaum wanita (oleh kaum lelaki).

seksologi (séksologi) kajian tentang perlakuan seks manusia.

sekstan (sékstan) (Ast) sj alat optik yg digunakan utk mengukur sudut dlm pandu arah, spt altitud jasad samawi.

sektet (sékstét) (Muz) **1.** gubahan muzik utk sekumpulan enam orang penyanyi atau pemuzik; **2.** kumpulan muzik yg terdiri drpd enam orang penyanyi atau pemuzik.

seksual (séksual) **1.** bkn seks; **2.** bkn persetubuhan antara lelaki dgn perempuan;

keseksualan **1.** ciri (sifat) atau peranan seks; **2.** dorongan seks.

seksualiti sifat, tabii atau dorongan seks, keseksualan: *masalah yg cuba ditimbulkan ialah masalah ~ di kalangan remaja; ~ juga dianggap sbg elemen penting bagi mengukuhkan kebahagiaan rumah tangga*.

seksuil (séksuil) IB yg bersangkutan dgn jantina (seks).

seksyen (séksyen) **1.** bahagian kecil drpd badan yg lebih besar (jabatan, kawasan, dll); **2.** bahagian drpd karangan (undang-undang dll), fasal, ceraian; **3.** bahagian drpd platun (tentera); **4.** bahagian tertentu dlm sesuatu kawasan (bandar dsb): *beliau tinggal di S~ 3, Bandar Baru Bangi.*

sekta (séкта) (Sos) sekumpulan orang yg mempunyai kepercayaan agama tersendiri yg berbeza drpd kebanyakan orang lain.

sektarian (séktarian) (Sos) **1.** berkaitan dgn atau berdasarkan sekta: *pandangan politik ~*; **2.** berakibat drpd atau disebabkan oleh perbezaan antara sekta: *keganasan ~.*

sektarianisme (séktarianisme) (Sos) kecenderungan utk berpecah mengikut fahaman politik, agama dsb tertentu.

sektor (séktor) **1.** bahagian bulatan yg letaknya di antara dua garisan lurus dr pusat bulatan itu, tembereng tajam; **2.** bahagian (daerah) pertempuran (ketenteraan); **3.** bidang sesuatu usaha (kegiatan industri, pertanian, dll): *~ pertanian merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia;*

~ awam bidang yg berkaitan dgn kerajaan dan orang ramai; *~ swasta* bidang yg berkaitan dgn pihak swasta (spt syarikat-syarikat perniagaan dsb).

sekuang sj tumbuhan (pokok), sengkuang, *Dracontomelum mangiferum.*

sekuas Id = *limau* ~ sj minuman yg masam dan menyegarkan.

sekubin; *~ air* sj tumbuhan (pokok kecil), mahang, maya-maya, memaya, tampin, *Mallotus floribundus.*

sekuit; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar (se)jangat, *Spatholobus ferrugineus.*

sekul sj bekas air atau makanan (drpd tempurung yg ditebuk dll).

sekulan sj tumbuhan (pokok renek), *Ochthocharis borneensis.*

sekular (sékular) berkaitan dgn keduniaan, bersifat duniawi dan tidak berkaitan dgn keagamaan: *Islam tidak mengiktiraf pemisahan kehidupan agama dgn kehidupan ~; pendidikan ~ pendidikan yg memberikan pelajaran atau pengetahuan yg bukan bersifat atau berkaitan dgn keagamaan;*

mensekularkan menjadikan sesuatu (sistem, fahaman, dll) bersifat sekular: *orientalis Barat cenderung utk ~ sistem perundangan Islam;*

kesekularan keadaan sekular;

pensekularan proses mengubah nilai-nilai keluhuran keagamaan kpd nilai kehidupan duniawi, sekularisasi.

sekularis (sékularis) orang yg menganut fahaman sekularisme.

sekularisasi (sékularisasi) pensekularan.

sekularisme (sékularisme) faham (doktrin, pendirian dsb) yg menolak nilai-nilai keagamaan dlm kehidupan sosial manusia.

sekularistik (sékularistik) bersifat (mengamalkan) sekularisme: *apa jua bentuk pemisahan dan pembelaan, kedua-duanya akan melahirkan sikap ~.*

sekun Kl sesuai, serasi.

sekunder (sékunder) yg kedua (pentingnya, tingkatannya, dll), tidak yg utama, yg terbit atau terhasil drpd sesuatu yg asas atau utama: *manusia merupakan individu psikologikal yg wajib memenuhi beberapa keperluan asas dan ~; fungsi yg ~ ini boleh ada, boleh tidak; sumber-sumber ~.*

sekunyit sj tumbuhan (pokok memanjat), kekunyit, mengkunyit, merkunyit, *Coscinium blumeinum*.

sekuriti (sékuriti) **1.** sijil saham, bon, dsb yg membolehkan pemegangnya berhak mendapat bayaran faedah dan dividen; **2.** keselamatan; **3.** jaminan, cagaran, sandaran.

sekut I pukau yg dikenakan oleh pencuri.

sekut II kedekut, kikir, lokek.

sekutu 1. kawan yg turut sama dlm sesuatu pakatan (perniagaan, perusahaan, dll), teman yg turut dlm sesuatu pakatan (pergabungan dll): *kabilah banu Bakar ~ kaum Quraisy; negara-negara ~*; **2.** turut terlibat atau bersalah (dlm kejahatan dll): *orang yg menerima rasuah itu dianggap ~ dgn pemberi rasuah*; **3.** gabungan (drpd beberapa negeri, badan, dll), syarikat: *Raja Sharif Hussain menyatakan perlawanannya terhadap Turki dan menggabungkan diri dgn pihak ~*;

bersekutu 1. berkawan (utk melakukan sesuatu), bersahabat: *Vietnam dan Malaysia ~ dlm perjuangan mengekalkan kebebasan dgn keperibadian sendiri*; **2.** bergabung dgn (supaya lebih kuat, besar, dll), bersatu, bersepakat: *mereka telah ~ dgn kabilah-kabilah Arab utk menyerang Madinah; negeri-negeri ~*; **3.** merupakan pergabungan (perhimpunan), berkelompok: *gajah ialah binatang yg hidup ~*;

menyekutui 1. mengawani (menemani) dlm sesuatu pakatan; **2.** bersekutu (bersahabat, bersubahat, dll) dgn;

menyekutkan menganggap sbg sekutu (bersekutu): *jangan sekali-kali ~ Allah dgn sesuatu yg lain*;

mempersekutukan menjadikan bersekutu (bersahabat, bersatu): *perjanjian utk ~ negeri-negeri itu*;

persekutuan 1. pergabungan (persatuan dll) utk kepentingan bersama ahli-ahli; **2.** pergabungan negara-negara dll: *P~ Tanah Melayu*; **3.** Id syarikat perdagangan (perusahaan dll), perkongsian; **penyekutuan** proses (perbuatan) menyekutukan sesuatu.

sel (sél) 1. (Bio) unit terkecil sesuatu organisma yg terdiri drpd nukleus dan sitoplasma yg dikelilingi membran sel; **2.** bilik kecil dan

sempit tempat mengurung orang salah di penjara; **3.** (Fiz) bahagian (pd bateri) yg diisi bahan-bahan kimia utk mengeluarkan tenaga elektrik;

~ *elektrik* = ~ *elektrokimia* sel yg digunakan utk menghasilkan tenaga elektrik atau utk melakukan elektrolisis (terdiri drpd dua elektrod yg terendam dlm elektrolit); ~ *elektrolisis* sel yg menggunakan tenaga elektrik arus terus utk menguraikan elektrolit; ~ *fotoelektrik* peranti yg menghasilkan kesan elektrik apabila terdedah pd cahaya; ~ *kering* bateri; ~ *piawai* sel primer yg voltannya diketahui dengan tepat; ~ *primer* sel yg menghasilkan arus elektrik melalui tindak balas elektrokimia yg tidak berbalik (tidak dapat dicas semula); ~ *sekunder* sel yg menghasilkan arus elektrik melalui tindak balas elektrokimia yg berbalik (dapat dicaskan semula); ~ *suria* sj sel elektrik yg menukarkan tenaga suria kpd tenaga elektrik.

sela 1. = **sela-sela** ruang di antara dua benda, celah: *dr* ~ *daun-daun*, *dipandanginya pemuda itu dgn terharu*; **2.** sesuatu yg terletak (terselit dll) di antara dua benda; *tanaman* ~ tanaman (spt jagung, kacang, dll) yg ditanam di antara pokok-pokok lain;

bersela 1. mempunyai sela (antara, selang), bercelah, berselang: *maka orang melihat pun penuh sesak tiada ~ lagi*; **2.** berseling dgn, bersambut dgn (bunyi dll), bertingkah dgn: *bunyi katil berkeriutan*, ~ *keluhan yg panjang*;

bersela-sela berselang-seli, selang-menyelang: *pondok itu terdiri di bawah pohon-pohon kayu yg rendang yg ~ dgn pohon kerambil*;

menyela 1. terletak di antara dua benda (rumah, kerusi, dll), tersisip, terselit; **2.** meletakkan sesuatu di antara dua benda, menyelitkan, menyisipkan: *gerak irama yg teratur rapi itu*

kadang-kadang disela oleh beberapa baris syair; 3. mencelah atau menyampuk (percakapan orang): ia mendiamkan dirinya juga tidak sepetah pun ia ~ perkataan ibunya itu;

sela-menyela saling menyela (mencelah), berselang-seli;

menyelakan meletakkan di celah-celah (di antara dua benda, disela), menyelitkan, menyisipkan;

selaan sesuatu yg menyela (diselakan).

sela (séla) **I** sl tempat duduk di atas belakang kuda, pelana.

sela (séla) **II** sl batu;

menyelakan membaling (melontar) dgn batu.

sela (séla) **III** Mn juling (mata).

selabar ark penggosok lantai (drpd guni yg dibasahi).

selaberak bp (kain) pengalas pelana.

selada **1.** sj tumbuhan (paku pakis), ribu-ribu, *Lygodium scandens*; **2.** sj tumbuhan (herba yg boleh dibuat sayur), salad, *Lactuca sativa*; **3.** sj makanan yg diperbuat drpd sayur-sayuran (daun-daun selada, mentimun, tomato, dll);

~ *air* sj tumbuhan (herba), *Nasturtium officinale*; *minyak* ~ sj minyak (drpd biji-bijian) utk memasak.

seladang **I** sj lembu hutan, *Bos gaurus*; *kerbau tak berkandang* ~ prb dua bangsa yg tidak dapat bercampur kerana berlainan adat.

seladang **II** selantai dan rata (dua tiga buah rumah dll);

menyeladang menyeluruh dan merata; ~ *bagai panas di padang* prb sesuatu yg menyeluruh jadinya (penyakit, bencana, dll).

seladang **III** sama besar (betis yg tidak berjantung dll), sama gadah.

seladeri sj tumbuhan (herba yg dibuat sayur), *Apium graveolens*.

selai IB jem.

selaju Id; **berselaju** bermain-main (meluncur) di atas air beku.

selak I = **penyelak** sj kayu palang (utk mengunci pintu), kancing pintu:
*perlahan-lahan dia berdiri, bergerak ke pintu, dan mengenakan ~
pintu itu;*

berselak terpasang selaknya, berkunci, berkancing: *pintu itu ~ di
atas dan di bawah;*

menyelak mengunci dgn selak, mengancing: *daun pintu diselak
perlahan-lahan.*

selak II Jk; **menyelak** mendesak (supaya lekas dll), menggesa.

selak III Jw; **terselak**, **keselak** tersedak, kesedakan.

selak IV; ~-selok selok-belok.

selak V Kl tidak boleh bernafas, pengsan; ~ *kera* pengsan dlm keadaan
spt orang mati.

selak (sélak); **menyelak** 1. menyingkap (tudung, selubung, dll),
membuka, menyingsingkan: *kain yg menutupi betisnya diselak
hingga ke paras lutut; Tun Tuah pun segera ~ penduanya;* 2.
menyebak (buku dll), membuka: *buku itu diselaknya lepas semuka
ke semuka;*

menyelak-nyelak menyelak (buku, majalah, dll) dgn cepat tanpa
membaca atau melihatnya dgn teliti: *dia masih asyik ~ majalah,
membaca tajuk, dan melihat gambar;*

menyelakkan menyelak utk;

terselak tersingkap (kain, selubung, tudung, dll), terbuka,
tersebak.

selaka I ark tempat mengukup pakaian (drpd buluh dll) supaya harum,
tempat perasap pakaian.

selaka II Jw, sl perak.

selakangan Jk celah kangkang.

selakarang (sélakarang) Jw sj penyakit kudis (pd kuda).

selalu I 1. sentiasa, selamanya, sepanjang masa: *sayur-sayurnya ~ dijual ke bandar*; **2.** kerap benar, acap kali: *ibunya ~ sahaja sakit*;

menyelalukan menjadikan (melakukan) selalu, membiasakan: *hendaklah dibiasakan dan diselalukan membaca buku*;

keselaluan keadaan selalu, keseringan, kekerapan: *~ itu menyebabkan tumpuan pd pekerjaan tidak berjalan lancar*.

selalu II Mn seluruh, semua; *~ hari* sepanjang hari; *hitam ~ hitam* seluruhnya.

selalu III terus, langsung: *maka menteri itu pun menangkap ~ budak-budak itu lalu dibawa balik ke negerinya*.

selam I; *juru*~ orang yg kerjanya masuk ke dlm air (utk mencari mutiara, mengetahui ada tidaknya ikan, dll); *kapal* ~ kapal yg boleh bergerak di dlm air (biasanya utk kegunaan peperangan);

berselam Pr menguji siapa yg akan memusingkan gasing dahulu (dlm permainan gasing); *~ air* bersumpah dgn menyelam (utk membuktikan kebenaran);

menyelam 1. masuk ke dlm air (dgn seluruh badan): *burung penguin sangat pandai ~ dan berenang*; **2.** masuk ke dlm air utk mencari sesuatu: *dekat Mergui, perusahaan ~ mutiara ada dijalankan*; **3.** ki masuk dalam-dalam, terbenam, menghilang dlm sesuatu: *keris itu ~ ke dlm belikatnya*; *kapal terbang itu ~ ke dlm awan*; **4.** ki = **menyelami** mencari atau menduga (isi hati, perasaan, dll orang lain), mengetahui, memeriksa: *kebanyakannya cuba ~ kesusahan kami sbg nelayan*; *aku mesti ~ lubuk hati gadis bakal isteriku*;

pandai ~ di air dangkal prb pandai membawa diri; *sambil ~ minum air* prb sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai;

menyelami **1.** menyelam ke dlm air (laut dll); **2.** menyelam utk mencari sesuatu dll: *engkau jatuh dia yg menyambut, engkau karam dia yg ~*; **3.** ki menyelidiki atau menduga (isi hati, perasaan orang lain), berusaha utk mengetahui sesuatu: *dia seoranglah yg pernah ~ hati Juliana; tugas saya bukan sahaja mengumpulkan surat-surat itu tetapi juga ~ kandungannya; ~ air dlm tonggak prb sukar sekali utk mengetahui isi hati orang lain;*

menyelamkan memasukkan (sesuatu) ke dlm air, membenamkan, mencelupkan: *maka dibawanya timba, diselamkannya ke dlm air yg keruh itu;*

terselam dapat atau sudah menyelam, terbenam;

terselami boleh diselami, dapat difahami, terduga;

selaman hasil atau usaha menyelam, menyelami atau menyelamkan;

penyelaman perbuatan menyelam, menyelami atau menyelamkan;

penyelam **1.** orang yg menyelam, juruselam: *~~ yg memasuki lautan dalam terpaksa membawa udara sendiri*; **2.** sesuatu yg digunakan utk menyelam, sesuatu yg diselamkan.

Selam II Id, bp Islam; *orang ~* a) orang yg beragama Islam; b) orang Melayu (Indonesia).

selamat **1.** terpelihara atau terhindar drpd bencana, terlepas drpd bahaya: *tidak ~ berdiri tegak di dlm perahu yg kecil; ~ dr nahas jalan raya*; **2.** aman sentosa, sejahtera, tidak mendapat apa-apa gangguan: *si kecil berasa ~ di dlm pelukan ibunya*; **3.** ucapan atau doa dgn harapan supaya sejahtera (terhindar drpd segala bencana, sampai hajat, dll) atau sbg tanda bersyukur: *ketiga-tiga ratu itu pun menyuruh penggawanya membawa persembah dan memberi ~ akan baginda sesudah berputera; doa ~ ; kenduri ~*; **4.** harapan

supaya aman sentosa (sejahtera dll) yg diucapkan sbg tegur sapa (salam): ~ *datang*; ~ *jalan*; ~ *malam* dll;

berselamat mengucapkan kata-kata sapaan spt selamat pagi atau selamat petang kpd seseorang: *tidak pernah aku ~ pagi kepadanya*;

menyelamati ark mengadakan kenduri utk;

menyelamatkan **1.** menjauhkan bencana (bahaya dll) drpd seseorang dll, mengusahakan (melindungi dsb) supaya selamat: *berlari dan berterjunanlah orang-orang Cina itu ~ diri masing-masing; sangatlah sukar hendak ~ bangunan yg terbakar manakala angin yg kencang sedang bertiup-tiup*; **2.** menjimatkan wang (waktu, tenaga) supaya tidak terbuang dgn sia-sia: *berfikirilah dahulu sebelum melakukan sesuatu supaya masa dan tenaga dapat diselamatkan*; **3.** mengebumikan (mayat): *mayat orang mati itu telah diselamatkan*; **4.** mengadakan kenduri utk, menyelamati;

terselamat terhindar atau terpelihara drpd bencana (bahaya dll), (telah) dijauhi drpd sebarang kecelakaan: *saya sedia perhambakan diri asalkan saya ~ drpd pengkhianat-pengkhianat itu*;

selamatan kenduri utk mendapat selamat: *tidak lama lagi ia akan mengadakan ~ di rumahnya*;

berselamatan **1.** mengadakan kenduri (selamatan); **2.** ark saling mengucap selamat;

keselamatan perihal selamat, kesejahteraan, keamanan: *saya memang selalu menjaga ~ seseorang yg berkerabat dgn saya; ~ dlm negeri*;

penyelamatan perbuatan (usaha dsb) menyelamatkan;

penyelamat orang yg menyelamatkan: *sekarang saya telah menjadi isterinya, dan ia telah mengaku akan menjadi ~ bukan perosak.*

selamba 1. pd lahirnya macam biasa (sedangkan sebenarnya telah berlaku sesuatu), berlagak seolah-olah tidak tahu, berpura-pura: *kami pun turunlah buat muka ~ macam orang ada tiket kelas satu;*
2. kurang ajar, tebal muka, tidak tahu malu.

selambut Kl sj permainan kanak-kanak (dgn anak batu).

selampai I 1. kain sutera yg dipakai di bahu atau dikalungkan di leher (dlm istiadat kerajaan), tetampan; **2.** Jk sapu tangan, selampik;
menyelampai memakai selampai (tetampan dll) di bahu, menyebai selampai dll di bahu: *hulubalang delapan di kiri, delapan di kanan masing-masing ~ selendang kain kuning;*

menyelampaikan menyebaikan (mengenakan) selampai (selendang dll) di bahu;

terselampai tersebai, tergantung, tergayut: *maka dgn tiba-tiba terpandanglah olehnya tangan orang ~ di alang kedai itu.*

selampai II 1. sj ikan laut, *Pseudosciaena discanthus*; **2.** sj ikan laut, *Otolithoides biauritus*.

selampik Jk sapu tangan; → □ **selampai I.**

selampit I dandan rambut (pintalan tali dll) yg pipih: *maka ditambah orang pd tali kail itu tunda, maka ditarik ke atas, maka ditambatkan pula ~ yg seni.*

selampit II cawat;

berselampit memakai selampit, bercawat: *jika ingin melihat Orang Asli masih ~, Kampung Peta bukan tempatnya;*

berselampitkan memakai sesuatu sbg selampit;

menyelampitkan mengenakan cawat, mencawatkan (kain dll):
maka Pak Pandir pun ~ kainnya lalu berlari mengejar kawan kambing itu.

selampit III persembahan cerita yg sangat terkenal di Kelantan, yg diceritakan oleh pelipur lara atau tukang cerita dgn bahasa berirama sambil menggesek rebab.

Selan (sélan) → □ **Sailan**.

selancak sj burung, *Anthus rufulus*.

selancang sj burung, burung kapas, *Lalage nigra*.

selancar; berselancar bermain dgn membaling batu merata di permukaan air, bermain lancang-lancang.

selang I 1. lat (waktu, tempat, dll): ~ *beberapa lama dr itu, permaisuri pun hamillah pula; meriam ditembak ~-~ satu minit; 2.* = **selangan** sesuatu yg letaknya di antara benda lain: *tanaman ~; ~ surup* Jk salah faham;

berselang 1. berantara (waktu), ada antaranya: *tiap-tiap hari dia menghantar susu kpd ibu dan bapanya dgn tidak pernah ~; 2.* ada selangnya (antaranya): *temilang dua ~; sudut yg ~;*

berselang-selang 1. saling berganti, berganti-ganti, lepas satu yg lain pula: *di luar, hujan mencurah-curah, deruannya ~ dgn bunyi desiran daun-daun kayu yg bergeser; 2.* tidak terus-menerus, ada jarak atau antaranya, berlat: *maka adalah pekerjaanku itu ~ hari, pd sehari pergi menyalinkan kpd bahasa Melayu dan sehari pergi mengarangkan dia dlm tempat cap;*

berselangan menggunakan sesuatu sbg selang: *kemahiran orang Mesir menyusun tulang-tulang kecil yg ~ dgn pasak kayu utk mengukuhkannya;*

menyelang 1. mencelah dgn sesuatu (dlm membuat pekerjaan dll), mencelah (menyela, menyampuk) percakapan orang: *di muka*

pintu, gugup kedengaran diketuk orang dan diselang dgn bunyi suara orang memanggil; ~ perkataan wazir menteri itu dgn perkataan yg lemah lembut; 2. menghalang (menegah, menyela) perbuatan orang;

menyelangi mencelah dgn sesuatu: *bunyi guruh sayup-sayup dgn diselangi angin menderu; kawasan yg tidak ramai penduduknya ini kadang-kadang diselangi oleh kampung-kampung nelayan;*

selangan 1. sesuatu yg letaknya di antara benda lain; **2.** lat atau jarak (bkn waktu): *bunyi itu terdengar dgn ~ masa yg sama;*

berselangan ada selangnya, tidak terus-menerus: *sekalian hulubalang memegang tombak benderang hingga tiada ~ lagi;*

perselangan 1. perihal berselang; **2.** selang: *apabila kita mainkan filem itu, ~ gelap di antara gambar-gambar tidak kelihatan pd layar;*

penyelangan perihal (perbuatan atau proses) menyelang atau menyelangi;

penyelang sesuatu yg menyelang (mengantarai).

selang II bahagian di antara (yg menghubungkan) rumah ibu dgn rumah dapur.

selang III Mn pinjam;

berselang; ~ *tenggang* pinjam-meminjam, bertolong bantu, meminta pinjaman (pertolongan): *rumahnya tempat orang ~ tenggang dlm kampung itu;*

menyelang meminjam;

menyelangi, memperselangi meminjami;

menyelangkan, memperselangkan meminjamkan.

selang IV sedang;

selangkan sedangkan: ~ *kpd orang lagi usaha belajar, kononlah pula kpd ayah sendiri; salang III.*

selangat sj ikan laut, *Anodontostoma chacunda*; ~ *belau* sj ikan laut, *Nematolosa nasus*.

selangka; *tulang* ~ tulang yg menghubungkan tulang dada dgn pangkal bahu.

selangkang = **selangkangan** Jk kangkang.

selangkom Pl bekerja dgn bersungguh-sungguh.

selangkup; **menyelangkup** menyelubungi, melingkupi; → □ **lingkup I**.

Selangor negeri di barat Semenanjung, keluasan 8184 km², Shah Alam sbg ibu negeri.

selang-seli; **berselang-seli** **1.** berganti-ganti, celah-mencelah, sela-menyela: *soljar India dan British yg ~ di atas kereta kebal melambai-lambaikan tangan sambil gelak ketawa*; **2.** tidak ada antaranya, terus-menerus: *dgn seketika itu juga ~ suara paluan gendang dan irama serunai memenuhi suasana*;

menyelang-nyeli, **menyelang-nyelikan**, **menyelang-nyelingi** menjadikan (mengaturkan, mendudukkan, membuat, dll)
berselang-seli: *kicau murai riuh rendah di atas pohon kerian, diselang-seling oleh bunyi burung kelicap yg berdecit-decit*.

selang-seling → □ **selang-seli**.

selanting sj burung, saulanting, *Rhizothera l. longirostris*.

selap I hilang akal (tidak sedarkan diri, pengsan, pitam, dll) kerana kerasukan: ~ *ia spt rupa dimasuki jin*;

menyelap, **menyelapi** **1.** merasuk, mengganggu (roh jahat dll): *diselap hantu*; **2.** menimpa, menyerang (penyakit dll);

keselapan **1.** hilang akal (ingatan) kerana marah dll; **2.** kerasukan.

selap II Pl, bp; **selap-selap** kadang-kadang.

selapan **1.** Mn delapan; **2.** (Sunda) sembilan.

selapanan kenduri (pesta) yg diadakan ketika bayi mencapai umur 35 hari.

selaput lapisan nipis tisu (pd benda-benda hidup) yg menyaluti sesuatu;
~ *dara* selaput yg menutup sebahagian bukaan faraj gadis atau wanita (biasanya pecah apabila pertama kali mengadakan hubungan seks); ~ *jantung* selaput yg membalut jantung; ~ *mata* selaput pembungkus biji mata;

berselaput ada selaput, bersalut dgn kulit tipis, berlapis (bersalut) dgn sesuatu: *mukanya kotor ~ habuk*; *mata ~ mata* yg disalut oleh selaput putih (kerana berpenyakit), mata bular;

menyelaputi menyelubungi, melitupi, membungkus: *biji kacang* yg kering itu agak keras dan diselaputi kulit biji; *bulu susuk* yg ~ badan burung; *tiap-tiap satu batang logam itu diselaputi lilin*;

menyelaputkan memberi bersalut (berlapis) dgn, menyalutkan, menyelubungkan;

selaputan benda yg menyelaputi (menyelubungi) sesuatu: *matanya masih lagi berbalam kerana ~ air matanya*.

selar I; *tanda* ~ cap atau tanda (yg dibakar dahulu sebelum digunakan);

menyelar 1. membubuh tanda dgn besi panas: *penternak itu ~ lembu peliharaan mereka*; **2.** ki mengecap (dgn kata-kata), mengecap, membidas (dgn kerasnya): *Munshi Abdullah ~ beberapa adat istiadat yg membazir dan pincang yg berlaku di Pahang*; **3.** Mn menggoreng (ikan dll);

selar-menyelar tuduh-menuduh (kata-mengata dll);

menyelarkan membubuh (tanda) pd sesuatu: *dia ~ tanda bintang pd lembu itu*;

selaran 1. hasil menyelar (dgn besi panas); ~ *matahari* keadaan merah dan melecur pd kulit akibat terlalu lama berjemur di bawah matahari yg panas terik; **2.** ki tuduhan, kecaman, kritik: ~ *ini menyakitkan juga hati kita yg mendengarnya*.

selar II sj ikan laut, *Atule mate*;

~ *abu-abu (ubur-ubur)* sj ikan laut, *Carangoides praeustus*; ~ *batang (keledak, renceh)* sj ikan laut, *Carangoides djedabba*; ~ *gelek* sj ikan laut, *Atule mate*; ~ *kuning* sj ikan laut, pelata kuning, *Selaroides leptolepis*; ~ *kuning jantan* sj ikan laut, *Selar boops*; ~ *letup-letup* sj ikan laut, *Carangoides oblongus*; ~ *papan* sj ikan laut, *Alepes bari*; ~ *pucat a)* sj ikan laut, pelata bulat, lolong putih, *Selar crumenophthalmus*; b) sj ikan laut, *Selar megalaspis*.

selar III; *ular tedung* ~ sj ular, *Ophiophagus hannah*;

menyelar melata atau menjalar (ular, tumbuh-tumbuhan, dll).

selar IV Pr; ~-*belar* kucar-kacir, tidak tersusun (barang-barang dll).

selara I bulu halus (spt miang) pd tumbuh-tumbuhan.

selara II; *anak* ~ anak ikan sembilang.

selara III Mn daun-daun yg telah tua dan kering; *sedangkan pucuk lagi tak merah konon pula ~nya* prb waktu lagi kaya tidak pernah berderma apalagi waktu miskin;

menyelara menjadi kering (daun).

selarak Jw palang (selak) pengunci pintu dll.

selaru → □ **celaru**.

selarung denai atau jejak binatang (gajah, babi, dll) dlm hutan.

Selasa hari ketiga dlm seminggu, selepas hari Isnin.

selasar sambungan pd ibu rumah (yg menganjung ke luar), sj serambi (beratap atau tidak): *segala anak tuan-tuan yg bersahaja-sahaja duduk di ~ balai*.

selasih = ~ *putih* sj tumbuhan (herba utk rempah dan ubat), ruku-ruku, *Ocimum basilicum*;

~ *dandi a)* sj tumbuhan (herba), ara batu, daun misai kucing, rumput tahi ayam, *Ageratum conyzoides*; b) = ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), *Stachytarpheta indica*; *buah* ~ sj tumbuhan (herba dan buah), *Passiflora foetida*; *bunga* ~ bunga pokok selasih putih.

selat I laut yg sempit yg menceraikan dua daratan atau pulau-pulau: *S~ Melaka; S~ Teberau; Negeri-Negeri S~* negeri-negeri yg letaknya di Selat Melaka (Singapura, Melaka, dan Pulau Pinang pd zaman kolonial).

selat II Mn celah, sela;

menyelat masuk di celah-celah: ~ *di antara orang banyak;*

menyelatkan meletakkan (mendudukan) di celah-celah, menyelitkan;

terselat termasuk di antara dua benda, terselit.

selat III Kl, bp jikalau, sekiranya.

selatan mata angin (arah) yg bertentangan dgn utara, daksina, kidul;

~ *daya* = ~ *barat daya* arah antara barat daya dgn selatan; ~ *menenggara* arah antara selatan dgn tenggara.

selawat doa kesejahteraan ke atas Nabi: *setelah membaca ~, mereka pun mulai berjalan;*

berselawat membaca selawat, berdoa: *kadi ~ tiga kali dgn nyaring suaranya;*

menyelawatkan berselawat utk memohon sesuatu.

selawe (selawé) Jw ark dua puluh lima.

selayah sj kain tudung (perempuan).

selayak sj burung, cenuk, kerak, sanuk, a) *Rhamphococcyx curvirostris erythrognathus;* b) *Rhinortha chlorophaea.*

selayang sj ikan laut, *Decapterus spp.*

selayun tali tempat menggantungkan orang-orangan (kain, daun-daunan, dll) utk menakutkan atau menghalau burung dll.

selayur ikan laut, a) *Eupleurogrammus spp.;* b) *Tentoriops spp.;* c) *Trichiurus spp.*

selayut → □ **selayun.**

sele (selé) IB sj makanan drpd buah-buahan (dimakan dgn roti dll), jem.

selebar (selébar); *daun* ~ sj tumbuhan (palma), daun keruh, daun lat, daun payung, daun sang, daun sar, daun segaluh, *Teysmannia altifrons*.

selebaran; *surat* ~ surat yg diberikan kpd orang banyak, surat sebaran.

selebele (sélébélé) Kl, bp tidak teratur atau dijaga (pakaian dll), kucar-kacir, selekeh.

selebeng (selébéng) Kl berselisih faham, tidak secocok.

selebing Kl terlentang, terbaring.

selebriti (sélébriti) orang yg terkenal dan menjadi tumpuan ramai, terutamanya dlm bidang hiburan spt bintang filem, pelakon dan penyanyi.

selebu; *laut* ~ lautan lepas (besar); *ombak* ~ ombak yg besar (di lautan besar).

seleder (selédér) Jk tidak hati-hati, lengah, lalai, malas.

seleguri; ~ *padang* sj tumbuhan (pokok kecil), bunga padung, celeguri, getangguri, jerun, lemak ketam, sedeguri, tapak leman, *Sida rhombifolia*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek), *Alysicarpus vaginalis*.

selek (sélék) I Kl angkat atau singsing (kain atau seluar).

selek (sélék) II Tr menyapu (syelek, minyak, dll).

selekeh (selékéh) **1.** kotoran, palit, noda: *gambar itu tidaklah ubahnya spt satu ~ warna-warna yg bercampur aduk*; **2.** kotor, tidak senonoh (pakaian dll), dipenuhi kotor: *dia membetulkan gincunya yg agak ~ sedikit*;

berselekeh penuh dgn kotoran (cemar, noda), berpalit (dgn benda-benda kotor), tidak senonoh (pakaian): *pakaian mereka ~, dan rambut panjang tidak berbela*;

menyelekehi mengenakan kotoran (noda), mengotori.

selekoh (selékoh) lengkok, kelok, liku, siku (jalan, sungai, dll): *mereka telah menahan Sani di ~ jalan; ~ kota sudut atau penjuru benteng yg menganjur keluar;*

berselekoh **1.** berbelok, berkelok, berliku (jalan raya, sungai, dll): *sungai Pahang ini ~ ke kanan lalu masuk ke Laut China;* **2.** = **menyelekoh** membelok, membengkok, berganti arah: *bas itu terhuyung-hayang apabila ~;* **telengkoh.**

selekor (selékor) sj ikan bawal.

seleksi (séléksi) IB pilihan, pemilihan (dlm olahraga dll);

menyeleksi memilih (utk mendapat yg terbaik), menapis, menyaring.

selektif (séléktif) **1.** berdasarkan pilihan, terpilih: *ini bukan koleksi terjemahan yg ~;* **2.** bersifat memilih: *Baharuddin Zainal berpendapat perlu adanya sikap yg terbuka, yg sanggup mendedahkan dirinya kpd kebudayaan-kebudayaan luar dan menerimanya secara ~.*

selektir (séléktir) IB ark; **menyelektir** menyeleksi.

seleler (selélér); **berseleler**, **berseleleran** meleleh-leleh (air, darah, getah, dll); → □ **leler I.**

selema (seléma) bp selesema.

selemah sj ikan laut, lelemah, selembu, serumbu, *Lactarius lactarius.*

selebada sj semut besar, selempada.

selebana; menyelebana menghalakan kapal (perahu dll) menentang angin supaya berhenti.

selembat sj tumbuhan (pokok), *Eugenia conglomerata.*

selembu I sj ikan laut, *Lactarius lactarius.*

selembu II sj binatang hasil kacukan seladang dgn lembu.

selembubu pusaran (kisaran) angin, angin puting beliung.

selempada sj semut besar (merah atau hitam warnanya).

selempah sj tumbuhan (pokok memanjat), akar perut lembu, secerek, secerek hitam, serapat jantan, *Gnetum campestre*.

selempang I Jk khawatir, cemas, bimbang, gelisah;

menyelempangkan mengkhawatirkan, membimbangkan, mencemaskan, menggelisahkan.

selempang II ark; **terselempang** jatuh terkangkang.

selempang (selémpang) sesuatu yg diselendangkan dr bahu menyilang dada (sbg tanda pangkat dll): *kain cindai berambu kuning, ~ kain Bugis Kembayat*;

berselempang memakai selempang;

berselempangkan memakai sesuatu sbg selempang: *petang itu dia berbaju Melayu, berkopiah putih, dan ~ kain serban di bahu*;

menyelempangkan mengenakan sesuatu dr bahu menyilang dada, mengenakan selempang: *memakai baju Melayu dan seluar warna hitam serta berdestar, dan kainnya diselempangkan di bahunya*;

terselempang tersandung di bahu dan menyilang dada: *senapang yg ~ di belakangnya tadi, sekarang dipegangnya*.

selempar; *akar ~ sj tumbuhan (pakis), Antrophyum reticulatum*.

selempukau sj burung, kepudang.

selempuri; *kain ~ sj kain tenunan India*.

selencur, selencus sj tumbuhan (pokok), belucus, lenciu, mempat, sampat, *Cratoxylon linguistrinum (polyanthum)*.

selendang (seléndang) kain panjang utk menutup kepala (leher, bahu): *kusebaikan ~ku di atas bahu; ~ dunia* prb orang kaya yg dermawan atau pemurah dan orang muda perhiasan dunia (utk pujian sahaja);

berselendang memakai selendang: *seorang perempuan muda bertocang dua dan ~ kain kasa kuning*;

menyelendangi mengenakan (memakai) selendang pd;

menyelendangkan, memperselendang memakai atau menggunakan sesuatu sbg selendang, menyibaikan di bahu sbg selendang: ~ *tuala ke bahu*;

terselendang terletak, tergantung: *beg yg ~ pd bahu Nani*.

selendap sj tumbuhan (herba), bakuh, bakung, bawang hutan, bunga tembaga suasa, *Crinum asiaticum*.

selender (seléndér) Id kereta penggelek jalan (supaya rata).

selendro (seléndro) Jw laras gamelan.

selenggara; menyelenggarakan 1. mengurus dan mengerjakan, mengelolakan, mengusahakan: *ladang yg luas diselenggarakan mengikut pengetahuan sains*; 2. menjalankan, melaksanakan (rancangan, perintah, dll): *pelebaya pun sangguplah ~ pesan Ken Tambuhan*; ~ *pembangunan ekonomi*; 3. membela, memelihara, menjaga, merawat: *beri maaf saya, engku, kerana saya belum sanggup ~ engku dgn sepatutnya*; 4. mengatur, mengurus (peraduan, pameran, dll): *pegawai ini telah dihantar khas utk ~ pameran buku agama Islam*;

selenggaraan 1. peliharaan; 2. hasil drpd menyelenggarakan (mengusahakan, mengelolakan, dll);

penyelenggaraan 1. perbuatan menyelenggarakan sesuatu, pelaksanaan, pengelolaan: *cara-cara ~ pemerintahan*; 2. pemeliharaan, pengawasan: *ia di rumah sakit dan dlm ~ tuan doktor*;

penyelenggara 1. pemelihara, penjaga: ~ kebun; 2. orang yg menyelenggarakan (mengusahakan dll) sesuatu: ~ *upacara*; ~ *pejabat* budak suruhan di pejabat-pejabat, peon.

selengut seruling yg ditiup di hidung di kalangan kaum Kenyah dan Kayan di Sarawak.

selenium (sélénium) (Kim) sj unsur bukan logam yg berbentuk serbuk merah, dan digunakan utk membuat peranti elektronik, pewarna kaca, dll.

selenografi (sélénografi) cabang astronomi yg berkaitan dgn kajian atau pemetaan ciri-ciri permukaan bulan.

selenologi (sélénologi) cabang astronomi yg mengkaji bulan, spt ciri fizikal dan asal kejadian.

selentik Jw; **menyelentik** mencubit (menjepit) dgn ibu jari dan jari.

selenting Jw; **menyelentingkan** menyiarkan (menyebarkan) khabar angin;

selentingan = *khobar* ~ khabar angin, desas-desus.

selenyap; *angin* ~ sj penyakit pasang-pasang.

seleo (seléo) → **keseleo**.

selepa, **selepah** sj kotak (peti kecil, lokap) tempat menyimpan tembakau (rokok dll): *kemudian ia datang membawa ~ loyang lalu duduk berlunjur di hadapan Wim*; **celepa**.

selepang (selé pang) selempang: ~ *itu dipakai dgn pakaian kebangsaan*.

selepat I; **berselepat** berpaltit, berlumur (dgn cat, lumpur, dll).

selepat II; ~ *tungau* sj tumbuhan (herba), kangkung bulu, *Ipomea triloba*.

selepe (sélé pé) Jk ikat pinggang (drpd emas, perak, dll).

selepetan (selepétan) Jk alat utk melantingkan batu dll, lastik.

selepi sj selepa yg dianyam drpd mengkuang dll.

selepoh (selé poh) Kl; **berselepoh**; *duduk* ~ duduk bertimpuh.

selepong (selé pong) Kd; **berselepong** berlumuran, berselepat.

selepot (selé pot); **berselepot** duduk bertimpuh (dgn diam): *Satirah duduk ~ dgn senyum gelinya*.

selepur; **berselepur** berlumuran dgn lumpur, berselepat dgn lumpur (kerbau dll).

selera (seléra) **I** **1.** keinginan utk makan, nafsu makan: *mi yg tersaji di hadapannya itu disudunya dgn penuh ~; membuka ~ = membangkitkan ~ menimbulkan nafsu makan; patah ~ hilang selera*; **2.** kegemaran, pilihan, kehendak, cita rasa: *siaran Radio terpaksa mengimbangi ~ para pendengar*; **3.** nafsu, keinginan: *rupanya gadis berwajah menarik dan sedang mekar dewasa telah menarik ~ lelaki tersebut; ~ tajam sangat ingin hendak makan; ~ bagai cetus api prb orang yg sangat rakus (tamak); ~ bagai taji, tulang bagai kanji prb orang yg bodoh dan malas bekerja tetapi kuat makan*;

berselera ada selera (keinginan, nafsu), bernafsu (utk makan dll): *ia tidak ~ utk makan lagi*;

menyelerakan memberikan (mendatangkan) selera (utk makan dll): *ketika itu kami sedang menghadapi hidangan makanan yg ~ .*

selera (seléra) **II** sl badan, tubuh.

selerak (selérak); **berselerak** **1.** bersebar, bersepah, berserak: *dia melangkah kembali dan mengutip pinggan-pinggan yg masih ~ itu; jamuan ~ jamuan yg tetamunya mengambil sendiri makanan (dan bebas ke sana ke mari)*; **2.** ki terdapat di mana-mana, bertaburan: *syarikat penerbangan itu mempunyai wakil yg ~ di seluruh dunia*; **3.** tidak selari (cahaya), terurai (dlm pelbagai warna);

berselerakan bertaburan, bersebaran;

menyelerakkan menjadikan berselerak, menyebarkan (ke merata-rata tempat);

terselerak **1.** tersebar (ke merata-rata tempat); **2.** a) terbias ke sana ke mari (cahaya); b) terurai kpd pelbagai warna (setelah terbias);

penyelerakan perihal menyelerakkan (benih dll), penyebaran.

selerang (selérang) **I** Mn kulit ari, kulit yg di luar sekali.

selerang (selérang) II Mn; *tenun* ~ sj kain tenun.

seleret (selérét); *rumah* ~ rumah yg kecil panjang.

selesa (selésa) **1.** tidak sempit, lega, luas: *ketika mencari tempat berdiri yg lebih ~, dia terpijak kaki seorang anak kecil*; **2.** kesempatan, peluang; **3.** (berasa) enak, sedap, senang: *jika kita berdiri beberapa lama, kita berasa tidak ~; pakaian itu sungguh tidak ~ bagi Si Tenggang*;

menyelesaikan menjadikan selesa (enak, sedap);

keselesaan perihal selesa, keadaan (rasa dsb) selesa;

ketidakselesaan keadaan tidak selesa: *Puan Sariah memaklumi ibunya tentang ~ di asrama itu.*

selesai **1.** sudah dikerjakan dan jadi, siap (dibuat): *setelah ~ kota dan paritnya baginda pun berangkat ke sana*; **2.** berakhir, habis, tamat: *setelah ~ drpd sembahyang, mereka itu pun pulang ke tempat kediaman masing-masing*; **3.** tidak berbaki lagi (wang dll), habis, jelas (hutang), langσαι: *dia tidak percaya wangnya telah ~ di meja judi*; **4.** Mn tidak kusut (rambut atau benang), jelas dan terang (tutur kata);

berselesai mengakhiri sesuatu (pergaduhan, persengketaan, dll), berdamai: *perkara ini perkara dia dgn suaminya, biar mereka sahaja yg ~*;

menyelesaikan **1.** menyudahkan, menyiapkan (kerja, tugas, dll): *sekarang aku sibuk ~ satu kerja*; **2.** mengusahakan supaya berakhir (tamat dsb), menamatkan, mengakhiri (persengketaan dll): *pintu masih terbuka utk ~ pertikaian antara dua buah negeri itu secara damai*; **3.** menjelaskan (membayar) hutang: *jika ia enggan ~ hutangnya, segala harta bendanya terpaksa dirampas*; **4.** memecahkan sesuatu masalah (kira-kira dll), mencari jalan mengatasi (masalah dll), menghuraikan: *beri nama hukum yg*

kamu gunakan utk ~ masalah ini; 5. mengatur baik-baik (rambut dll), mengemasi;

terselesai dapat diselesaikan: *masalah yg semakin ~ menerusi dasar kebangsaan kita;*

keselesaian perihal selesai, keputusan;

penyelesaian perbuatan menyelesaikan (membereskan dll) sesuatu: *mencari ~ secara damai utk memulihkan keamanan;*

penyelesai orang atau sesuatu yg menyelesaikan sesuatu persoalan, konflik, masalah dsb: *~ perlu memilih salah satu drpd beberapa operasi yg diketahui; mereka sudah mula meyakini Islam sbg ~ masalah ummah seluruh dunia.*

selesema 1. sakit sejuk: *demam ~; 2.* berhingus, sentiasa keluar hingus.

selet (selét) Pl, Kd; *tak ~* tidak berhenti-henti, tidak berselang, terus-menerus.

Seletar (selétar) penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Melayu-Proto yg merupakan kumpulan pengembara persisiran pantai dan laut, tinggal dlm perahu, di pulau yg berdekatan pantai dan kuala sungai, terutamanya di selatan Johor dan utara Singapura.

seletuk Jk; **menyeletuk** mencelah (menyela, menyelang, menyampuk) percakapan orang.

seleweng (seléwéng); **menyeleweng 1.** menyimpang dr arah yg betul, tidak menurut jalan yg betul: *lembu yg kena rebuk itu ~ ke tengah jalan; 2.* ki menyimpang dr tujuan sebenarnya, tidak menurut landasan-landasan (syarat, perintah, dll) yg telah ditetapkan, mengkhianati, membelot: *hadirin dibawa balik kpd tajuk perbincangan kiranya mereka ~;*

menyelewengkan 1. menjadikan menyeleweng (menyimpang dr tujuan dll): *saya melihat gerak hidup beberapa cabang kesenian*

yg telah diselewengkan hingga menyalahi prinsip susila Timur; 2. menggelapkan, mencuri: dan kemudian dia ditangkap terbukti ~ gula pasir;

terseleweng telah menyeleweng atau diselewengkan: *rakaman dan tafsirannya ~ drpd yg sebenarnya;*

penyelewengan perbuatan menyeleweng(kan), penyimpangan; *~ drpd dasar, memisahkan kita drpd hakikat pengajaran agama;*

penyeleweng orang yg menyeleweng, pembelot: *aku yg berjuang menentang penjajahan, sekarang dituduh sbg ~.*

seli → **selang-seli.**

selia I elok, bersih dan bagus, rapi.

selia II; menyelia melihat, mengawas: *dia berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun dlm ~ penyelenggaraan dan membaiki kereta-kereta yg berat;*

seliaan hasil atau tindakan menyelia: *memang menjadi tanggungjawab usahawan utk memastikan inventori dikawal melalui ~ yg rapi;*

penyeliaan perbuatan menyelia, pengawasan: *Marie telah belajar di bawah ~ Pierre;*

penyelia orang yg menyelia, pengawas: *~ Kelas Dewasa.*

seliap sj ikan laut, talang, *Chorinemustol (lysan, santipetri).*

seliat I = menyeliat menguliti (binatang, pokok, dll).

seliat II Kl tali yg diikatkan pd kaki (utk menyenangkan memanjat pokok).

selibah; berselibah berpakaian tidak senonoh (serbah-serbih).

selibu Mn; *padi* ~ padi yg tumbuh dr batangnya yg telah dipotong.

selibut; berselibut membuat kacau-bilau, membuat kucar-kacir.

selicin sj ikan laut, *Anampses caerulopunctatus.*

selidik teliti dan cermat: *terlalu rajin ia belajar bahasa Melayu serta dgn ~nya;*

menyelidik, menyelidiki 1. memeriksa sesuatu yg belum terang, menyiasat utk mendapat keterangan dsb tentang sesuatu: *beberapa orang pakar sedang ~ kemungkinan agama Islam dibawa dr negeri China ke Tanah Melayu; 2.* mempelajari sungguh-sungguh (utk mengetahui sesuatu): *biarlah aku selidiki buku-buku ini, barangkali fikiran dan mataku akan lebih terang; 3.* mengintip (mengintai) musuh, menyuluh;

penyelidikan perbuatan menyelidik, pemeriksaan: *~ telah pun dijalankan tentang kanak-kanak;*

penyelidik 1. orang yg menyelidiki (mempelajari dgn sungguh-sungguh) sesuatu: *Raja Ali Haji dapat dikatakan seorang ~ yg cermat; 2.* pengintip, penyuluh, peluluk: *komandan daerah gerila telah mengirim ~ ke segenap kampung.*

seligar Pl selubung.

seligi I sj senjata spt lembing (diperbuat drpd ruyung, buluh, dll yg ditajamkan): *oleh orang Melaka dilanggarnya sekali dijeraminya dgn ~; ~ tajam bertimbal, tak ujung pangkal mengena* prb orang yg mempunyai dua mata pencarian;

menyeligi melemparkan seligi.

seligi II sj ikan laut, *Anacanthus barbatus.*

seligit berkerumun banyak-banyak (semut dll), menyemut, mengerumut, terbang berkeliaran (kelawar dll).

seligut seligit.

selikur sj ikan laut, *Megalaspis cordyla.*

selimang; ~ batang sj ikan darat, *Epalzeorhynchus kalopterus;* ~ batu sj ikan darat, *Crossocheilus oblongus.*

selimbar sj tumbuhan (pokok), merbuluh merah, *Jackia ornata.*

selimbu → **selibu**.

selimpang I; menyelimpang menyimpang (menyeleweng) dr jalan yg betul; → **simpang**.

selimpang II sj tumbuhan (pokok memanjat), akar dani, redani, *Quisqualis densiflora*.

selimpat I 1. nama sj anyaman (cara menganyam): *ada di sisi gunung itu kandang baginda, ... diukir pelbagai warna, dan nakas, dan ~*; **2.** beberapa jenis jaringan saluran darah dll (dlm badan).

selimpat II; ular ~ sj ular laut (yg pipih kepalanya).

selimpat III; ~ air sj tumbuhan (herba), keladi bukit, mata udang, senjuang hutan, *Aglaonema pictum*.

selimpat IV; menyelimpat menyembunyikan (menyorokkan) diri.

selimut 1. kain utk menutup tubuh (pd masa tidur), gebar: *gebar atau ~ lebih cepat dan senang dibasuh dgn menggunakan mesin pencuci kain*; **2.** ki sesuatu yg digunakan utk menutupi atau melindungi pekerjaan jahat dll, sesuatu utk menyelubungi kejahatan; ~ *elektrik* selimut yg dipanaskan dgn arus elektrik;

berselimut 1. memakai selimut, berselubung: *ia minum air panas dan ~ dgn kain yg tebal supaya keluar peluh*; **2.** ki berselindung di belakang sesuatu, menggunakan sesuatu utk melindungi maksud sendiri; *malam ~ embun, siang bertudung awan* prb orang yg terlalu miskin (tidak mempunyai apa-apa pun);

berselimutkan mempunyai sesuatu sbg selimut: *ibarat ~ sehelai kain batik, ditarik ke atas di bawah lapang, ditarik ke bawah di atas lapang*;

menyelimuti 1. menutupi dgn selimut: *sehelai gebar berbenang kasar ~ tubuhnya yg kerdil*; **2.** menyelubungi, meliputi: *lembah di kaki kampung itu masih tetap diselimuti awan*; **3.** ki melindungi (kejahatan dll), menutupi;

menyelimutkan **1.** mengenakan (memakaikan) selimut, memberi berselimut, menyelubungkan (tubuh): *Maheran sedang ~ anaknya*; **2.** ki menyembunyikan (sesuatu perkara dll);

memperselimut menjadikan (menggunakan) sbg selimut: *ia pun ~ kain sarungnya.*

selinap I; menyelinap **1.** bergerak dgn pantas (utk menyembunyikan diri), menyorok, menyusup: *tiga orang gerila berjalan kaki menuju persawahan dan akhirnya ~ ke hutan tebal; mereka melompat keluar dan ~ ke dlm lubang perlindungan*; **2.** bergerak dgn laju dan tidak kedengaran (spt ular dll), melantas, meluncur: *kereta-kereta besar dan kecil ~ masuk ke pekarangan lapangan terbang itu*; **3.** meresap (menyerap) masuk: *hawa malam yg sejuk ~ ke segala tulang sumsum*; **4.** timbul atau mendatang (fikiran, ingatan, dll): *dan sekarang ketakutan yg lain pula ~ di dlm kalbunya*; **5.** menghilangkan diri dgn segera, menyembunyikan diri: *berangkatlah Raja Maulana ke muara dgn sembunyi-sembunyi ~-nyelinap dlm gelap-gelita*;

menyelinapkan **1.** memasukkan pantas-pantas, meresapkan; **2.** menghilangkan (menyembunyikan, menyorokkan, dll) diri dgn pantas: *Kohlar ~ dirinya hilang di belakang diplomat negara berkecuali tersebut*;

penyelinapan proses atau perbuatan menyelinap (kan);

penyelinap orang yg menyelinap.

selinap II; menyelinap menguliti (ayam dll utk membersihkan), menyangi.

selinat sj tumbuhan (rumpai), serai bukit, *Gahnia tristis*.

selindit → **serindit**.

selindung; berselindung 1. bersembunyi, menyorok: *ia terus lari ~ di balik pohon kelapa*; **2.** ki tidak terang-terang (perbuatan dll):

Jamilah tidak ~ lagi bahkan terus mengaku akan perbuatannya;

berselindungi sl menyembunyikan, menyorokkan: *segala monyet di dlm hutan itu pun berlarilah mencari tempat ~ dirinya;*

terselindung tertutup (dr pemandangan), tersorok, tersembunyi.

seling I; berseling berselang (bersela) dgn, ada yg mengantarainya;

menyelingi menyela (menyelang) dgn, mengantarai: *perempuan ini ~ kalimat-kalimatnya dgn ketawa kecil;*

selingan sesuatu yg menyelingi (menyelang, menyela), sesuatu yg mengantarai: *lagu-lagu ~;*

perselingan perihal berseling, perselangan; → **selang I.**

seling II sj anduhan utk memunggah muatan (ke kapal).

seling III tembikar.

selingar; menyelingar diam kerana hairan dll, terdiam kehairanan.

selingkit Mn; berselingkit berasak-asak, bersesak-sesak;

menyelingkit mendesak-desak (ke dlm orang ramai), mendorong.

selingkuh Jw tidak jujur, curang.

selingkup; menyelingkup menutupi, melingkupi, menudungi, meliputi, menyelungkupi.

selingsing singsing.

selip I; menyelipkan memasukkan di celah-celah benda yg lain, menyelitkan, menyisipkan;

terselip 1. termasuk di antara benda-benda lain, terselit, tersisip: *~ sebatang pensel di telinganya*; **2.** tesembunyi (di dalamnya), terkandung (di dalamnya): *di dlm surat itu ada ~ sebuah kalimat yg menyirapkan darahnya;*

selipan sesuatu yg diselipkan; → **selit I.**

selip II 1. tergelincir, terpeleset; **2.** Id, bp berselisih jalan;

terselip = ~ *keluar* terlepas keluar dgn cepat, melecit keluar.

selipar sj alas kaki, capal, selop; ~ *Jepun* selipar drpd getah yg mempunyai tali berbentuk ‘v’ dan hujungnya dikepit antara ibu jari dgn jari kedua (ketika memakainya);

berselipar memakai selipar: *kebanyakan kami lebih suka ~ sahaja ketika berehat.*

seliput; berseliput penuh (bersalut): *jarinya yg ~ dgn nasi itu menunjuk ke arah Halimah;*

menyeliputi menyaluti, meliputi.

selir I Jw gundik.

selir II; menyelir berbunyi spt bunyi pasir ditabur ke air (daun-daun bergeser dll).

selir III Id **1.** kain cadar; **2.** langsir (jendela dll).

selirat; berselirat **1.** berjalin-jalin dan kusut (sarang labah, jaring, dll): *saluran-saluran darah yg halus ~ di dlm dinding usus;* **2.** ki berkecamuk (fikiran dll), tidak tenteram: *banyak benar perkara yg ~ dlm kepala saya;*

menyeliratkan menjadikan atau menyebabkan berselirat: ~ *fikiran* menyebabkan fikiran berkecamuk atau tidak tenteram; → **sirat I.**

seliri sl sj kerusi.

selisa; berselisa **1.** bersisa; **2.** = *tidak* ~ terlalu rapat, tidak ada antaranya: *peluru mesingan yg menembusnya itu tidak ~ di seluruh badan.*

selisih **1.** beza, perbezaan, kelainan: *tidak jauh ~ umurnya dgn umur kakaknya;* **2.** tidak sama (pendapat, fikiran, dll), berbeza atau berlainan (pendapat dll);

~ *basah* simpang-siur (perahu dll); ~ *faham* (pendapat) berlainan faham (pendapat);

berselisih **1.** tidak sama (jumlah dll), berbeza: *isi padu kedua-dua benda itu ~ 20 cm padu;* **2.** berlainan pendapat (fikiran dll),

berbantah, bermusuh, tidak sesuai (antara satu dgn yg lain): *siapa menyangka kedua-duanya akan ~ faham; mendamaikan orang-orang yg ~; ~ semat Mn salah faham; 3. bertemu di jalan dll (tetapi berlainan hala), berpapasan: sekali-sekala kereta kami ~ dgn kereta kenalan;*

berselisihan saling berselisih: *kehendak dan harapan pihak yg ~;*
menyelisihkan, memperselisihkan 1. menimbulkan pendapat dll yg berlainan mengenai, memperbantahkan, mempertikaikan: *~ kandungan surat; 2. menjadikan bertikai atau berlawan, memperlawankan;*

selisihan sesuatu (angka, jumlah, data, dsb) yg berselisih: *tugas yg asas ialah menyediakan standard dan arahan bagi menghitung dan membuat ~ jadual data tersebut;*

perselisihan 1. perbezaan pendapat (fikiran dll): *timbullah ~ faham antara Dato' Temenggung dgn Dato' Perpatih; 2. perbalahan, persengketaan, pertikaian: berunding menyelesaikan ~.*

selisik; menyelisik 1. membersihkan rambut (dgn mencari kutu), mengutui: *ia pun duduk bersandar ke tiang tengah sambil ~ rambut yg panjang itu; 2. ki mencari bukti (keterangan dll), menyelidik, menyiasat; pandai ~ sedang berlaga prb orang yg dapat mencari kesenangan diri walaupun dlm bahaya atau kesusahan.*

selisip; menyelisip memasukkan di celah-celah (disela-sela dll) benda yg lain, menyelip, menyelit, menyisip;

menyelisipkan menyisipkan, menyelipkan, menyelitkan.

selisir; menyelisir berjalan (belayar dll) sepanjang tepi, menyusur; → **sisir II.**

selit I; ~-belit berselok-belok;

berselit; ~ *sepit* ki berbelit-belit, berbelok-belok; *pandai* ~ *sepit* pandai melepaskan diri drpd kesulitan;

menyelit masuk di celah-celah (orang banyak dll), menyisip: *dia* ~ *di celah-celah penonton yg ramai itu*;

menyelit-nyelit, selit-menyelit mencelah-celah (di antara orang banyak dll), mencelah berliku-liku: *ia menuju ke tempat orang ramai itu* ~ *masuk mencari tempat*; *maka alahlah Raja Kecil itu, lari dr Lingga selit-menyelit*;

menyelitkan memasukkan sesuatu di celah, menyelakan, menyisipkan: *ia* ~ *kerisnya ke pinggang lalu berjalan*;

terselit terletak di celah (benda lain dll), terselip, tersisip: *sebatang cerut* ~ *di bibirnya*;

selitan sesuatu yg terselit di celah;

penyelitan perihal (perbuatan) menyelitkan: ~ *kata-kata dan ungkapan-ungkapan daerah*.

selit II; *batu* ~ (Geo) sj batu jelma (berwarna kelabu kebiru-biruan) yg berlapis-lapis.

seliuh; terseliuh salah urat, tergeliat, terpelecok, keseleo.

seliwir = berseliwiran, seliwiran berjalan ke sana ke mari, berulang-alik: *mereka berjalan berseliwiran sepanjang tempat tidur yg berbaris-baris itu*.

selo (sélo) sj alat bunyi-bunyian yg spt biola rupanya tetapi lebih besar.

selob IB, sl sj perahu.

selobok → **sobok**.

selodok; menyelodok merangkak (menyusup) di bawah sesuatu, membongkok masuk (ke tempat-tempat yg rendah);
~ *sama bongkok, melompat sama patah* prb orang yg seia sekata;
biar ~ *ke bawah rumah asal mendapat telur ayam* prb biarlah

mengerjakan sesuatu yg kurang martabatnya asalkan mendapat rezeki yg halal.

selofan (sélofan) sj bahan seakan-akan kertas yg nipis dan lut sinar yg digunakan sbg pembungkus, pembalut, dsb.

seloka sj puisi yg mengandung ajaran (sindiran, jenaka, dll);

berseloka mengarang atau membawakan seloka: *sambil itu ia bersyair, ber bait, bergurindam dan ~.*

selokan I longkang, bandar, parit, serokan.

selokan II sj tumbuhan (pokok renek), seluk, *Ochthocharis javanica*.

selok-belok (sélok-bélok) **1.** = *selok jumbai* ark perhubungan atau pertalian antara satu dgn lain (kekeluargaan dll), kaitan, sangkut-paut: *antara saya dgn dia, tidak ada ~nya*; **2.** sesuatu yg ada hubungannya dgn yg lain, hal yg berkaitan dgn sesuatu: *Johan mempelajari ~ berniaga; mereka sedang menghuraikan sesuatu kepadanya tentang ~ pelayaran*; **3.** hal yg berselit-belit (berliku-liku): *mereka tahu benar akan segala ~ kerja-kerja yg sedang dijalankan itu*;

berselok-belok 1. berkaitan (kekeluargaan dll), bersangkut paut; **2.** ada hubungannya dgn, berkait-kait dgn, berbelit-belit dgn; **3.** banyak kesulitannya, sukar, sulit.

seloki IB, bp sj gelas kecil (utk minuman keras).

selom (sélom) sj tumbuhan (herba), piopo, syelum, *Oenanthe javanica*.

selomot Jw; **menyelomoti 1.** mencucuh-cucuh sesuatu (dgn api); **2.** bp memperdayakan, mengakali, dsb.

selompret (selomprét) Jk trompet.

Selon Sailan, Sri Lanka.

selongkang ark tidak tulen, palsu, tiruan.

selongkar; menyelongkar mencari (memeriksa dll) dgn membongkar-bongkar, membongkar-bongkar atau mengaduk-aduk utk mencari

(memeriksa dll) sesuatu: *polis Thai baru-baru ini telah ~ satu pangkalan komunis;*

penyelongkaran perbuatan menyelongkar, pembongkaran: *~ polis mencari barang-barang makanan;*

penyelongkar orang atau binatang yg menyelongkar: *~ bilik tamu itu sudah dapat dikenal pasti.*

selongsong Jk **1.** salut, kelubung, pembungkus, sarung; **2.** simpai atau berangus (pd mulut anjing);

menyelongsongi membungkus, mengelubungi, menyalut, menyelubungi.

selonong Jk; **menyelonong** dgn tiba-tiba masuk (pergi dll), terus masuk (pergi dll), dgn pantas menuju: *perempuan itu ~ pergi ke arah jalan besar.*

selop I IB selipar.

selop II Kd menangis sehingga tidak keluar suara.

selopong; berselopong berpalit, berlumur: *ketika pulang dr sawah, kakinya penuh ~ dgn selut.*

seloro seloroh.

seloroh 1. menggelikan hati, lucu; **2.** gurau senda, kelakar, lawak, lelucon, olok-olok: *mereka tersenyum-senyum mendengar ~ itu;*

berseloroh bergurau senda, berkelakar, berolok-olok: *ada bunyi gelak ketawa orang muda berborak sambil ~;*

menyelorohkan, memperselorohkan mempermain-mainkan, mempersendakan: *Ramli ~ Kamal sambil tersenyum.*

selot IB, bp (ibu) kunci; *~ gantung mangga (kunci), hempedal ayam;*

diselot dikunci.

seloyak koyak, soyak.

seloyong Jk; **berseloyongan, seloyongan** terhuyung-hayang (hendak jatuh), meliuk-liuk.

selu; ~-*sela* Kl bekerja dgn gopoh-gapah (tidak berhati-hati).

seluang I sj ikan darat, *Rasbora spp.*; jenis-jenisnya: ~ *bada(ng)*, ~ *bara*, ~ *juau*, ~ *nipis*; *tak sungguh ~ melaut akhirnya balik ke tepi juga* prb tidak betah merantau akhirnya balik semula ke kampungnya.

seluang II sj tumbuhan (pokok memanjat), *Miquelia caudata*;

~ *mudik* sj tumbuhan (herba), kekulut gajah, sesawi pasir, *Artanema angustifolium*; *kayu ~ mudik* sj tumbuhan (pokok renek), guruh bukit, pokok tampang puteri, *Pseuderanthemum graciliflorum*.

seluar sj pakaian, celana; ~ *dalam* = ~ *katuk* seluar yg dipakai yg terhampir sekali dgn bahagian kulit; ~ *lemang* seluar yg kecil kakinya; ~ *panjang* seluar yg panjang kakinya; ~ *pendek (pandak, sampak)* seluar yg pendek kakinya;

berseluar memakai seluar: *ia ~ panjang warna kuning*.

selubat sj tumbuhan (pokok), balai, hempedu buaya, sebelai (tinggal), sebalat, senjuang gajah, tampung tulang, *Aralidium pinnatifidum*; *pokok ~ jantan* sj tumbuhan (pokok), balau, gambir-gambir, kenar, keranji, merlimau, pasak perahu, pokok rongga, temilang, *Aglaia odoratissima*.

selubung 1. kain dll utk menutup badan (kepala dll), kelubung: *sangka mereka anaknya itu sudah tidur tetapi Salim dr dlm ~nya mendengar perbualan mereka*; **2.** sesuatu yg digunakan sbg penutup, pembungkus, pembalut; ~ *air (Kej)* air penyejuk yg mengisi ruang di sekeliling silinder enjin;

berselubung memakai selubung, berselimut, bertudung (bertutup) litup: *maka diambilnya kain lalu ~ ia pd tempat tidur itu; seorang perempuan muda yg ~ kain Bugis ungu halus dr kepala sampai ke lututnya*;

menyelubung, menyelubungi **1.** menutup (menudung) litup dgn selubung dll, memberi berselubung: *dia menyelubungi kepalanya dgn kain selimutnya*; **2.** membungkus, membaluti: *badan tikus belanda diselubungi oleh rambut atau bulu*; **3.** ki menutupi sesuatu (kejahatan dll), menyelimuti: *mukanya yg manis itu ~ hatinya yg jahat*; **4.** ki menyelaputi, melitupi: *ketika itu alam sedang diselubungi cuaca gelap-gelita; kebingungan yg ~ pemikiran orang ramai*;

menyelubungkan menutupkan (menudungkan) menyelimutkan.

seludang I **1.** kelopak atau pembalut mayang (pd kelapa, pinang, dll); **2.** = *sampan* ~ sj sampan (perahu) yg berbentuk spt seludang; (*spt*) ~ *menolakkan mayang* prb menyombongkan diri.

seludang II; ~ *pinang* sj tumbuhan (herba), *Peliosanthes spp.*

seludu **1.** sj ikan laut, *Arius macronotacanthus*; **2.** sj ikan laut, *Tachysurus macronotacanthus (maculatus)*; **3.** sj ikan laut, *Silurus maculatus*.

seludup; menyeludup **1.** masuk bersembunyi: *ia ~ ke bawah rumah*; **2.** masuk (sesuatu kawasan dll) secara haram: *ada motobot yg secara gelap ~ ke dlm perairan Malaysia*; **3.** masuk dgn diam-diam (bersembunyi-sembunyi): *bagaimana aku dapat ~ ke daerah musuh?* **4.** (turun, terjun, terbang, dll) dgn kepala dahulu, menjunam: *kapal terbang itu ~ serta menjatuhkan bom*;

menyeludupi masuk ke dlm tubuh manusia (roh jahat, orang halus, dll), merasuk;

menyeludupkan **1.** menyembunyikan, menyorokkan; **2.** memasukkan (barang dll) secara haram atau gelap: *barang dagangan itu akan diseludupkan ke Jepun atau ke Eropah*; **3.** memasukkan sesuatu dgn diam-diam, menyusupkan: *kadangkadangkadang penyair sengaja ~ ciri-ciri prosa dlm ciptaan mereka; CIA*

juga ~ ejen-ejen Chile ke dlm kumpulan pimpinan atasan dlm parti Allende; 4. menggerakkan (menerjunkan dll) arah ke bawah atau menyerong ke bawah, menjunamkan: ~ kapal terbangnya ke kawasan pertahanan musuh;

seludupan sesuatu yg diseludupkan: *mereka telah lama berlangganan dgn Wim tentang barang ~;*

penyeludupan perihal menyeludup(kan);

penyeludup orang yg menyeludup(kan) sesuatu: *Danil seorang pembunuh dan ~ besar; pesawat ~ Id kapal terbang yg boleh menyerang sambil menjunam.*

selui sj burung puyuh.

seluk I; ~ *saku* perbuatan merogoh (saku);

menyeluk 1. memasukkan tangan (jari dll) ke dlm lubang (saku dll), merogoh: *dia ~ saku seluarnya; 2. ki menduga (isi hati, fikiran, dll), menyelami: tidak dapat aku ~ akan maksudnya; ~ saku a) memasukkan tangan ke dlm saku; b) ki mencuri dr saku orang lain, mencopet, merogoh;*

penyeluk; ~ *saku* orang jahat yg suka merogoh (mencopet): *sudah kerap kali didengarnya di bandar banyak ~ saku.*

seluk II Mn belit, lilit, keluk; ~-*semeluk* belit-membelit, kait-berkait;

berseluk 1. berbelit antara satu dgn yg lain (akar dll), belit-membelit: *pucuk berhempas akar ~;* **2.** dibelitkan atau dililitkan dgn (selendang dll); **3.** berbelok, berkelok; **4.** silang-menyilang tidak keruan (jalan dll), simpang-siur; ~ *tanda* bertukar tanda (orang bertunang);

memperselukkan membelitkan, menyilangkan (tangan dll).

seluk III sj tumbuhan (pokok renek), selokan, *Ochthocharis javanica*.

selukat sj alat bunyi-bunyian (saron kecil) yg diperbuat drpd logam;

menyelukat memukul selukat.

selukung sj perisai besar (melindungi seluruh tubuh).

selulase (sélulase) (Bio) enzim yg berfungsi menguraikan selulosa dan sangat penting dlm kitaran karbon, dihasilkan oleh bakteria, kulat dan serangga yg menjadi perosak utama bahan kayu, kertas, pulpa, kapas atau rayon.

selulit lemak yg berbonjol-bonjol di bawah kulit, terutamanya pd paha dan pinggul orang perempuan.

seluloi Kd selalu.

seluloid (séluloid) sj benda plastik yg diperbuat drpd selulosa nitrat dan dicampur kapur barus.

selulosa (sélulosa) (Bio) rangkaian unit glukosa yg terdapat pd dinding sel tumbuh-tumbuhan (digunakan dlm perusahaan kertas, rayon, getah tiruan, dll).

selulup Jw; **berselulup** menyelam (dlm air).

selulur ark; **terselulur** tergelincir, tergelongsor: *apabila dirasainya akan ~ maka direntakkannya pinggang gajah itu dgn isyarat.*

selumar 1. sj tumbuhan (pokok), merbuluh merah, *Jackia ornata*; **2.** sj tumbuhan (pokok), malabera (melabira) bukit, *Mussaendopsis beccariana*.

selumbar I serpihan kayu (duri nibung, buluh, dll) yg halus dan tajam: *maka tubuhnya pun habis dipalut ~, tampak mata sahaja.*

selumbar II sj tumbuhan (pokok renek), kecubung rimba, pecah pinggang, *Randia macrophylla*.

selumbari Mn kelmarin dulu.

selumbat Jk sj alat (spt sula) utk mengopek kulit kelapa.

selumu Mn; **berselumu 1.** berlumur (berpalit) dgn kotoran; **2.** berbulu (tepi kain yg tidak berjahit).

selumur kulit ular yg telah tanggal (selepas bersalin kulit), kerosong ulat;

menyelumur bersalin kulit (ular).

selumus Pr berlumuran; → **lumus**.

selunang Tr benang yg terentang pd kayu sewaktu menenun.

seluncur 1. sj tumbuhan (pokok), cancal, kayu malu, pelawan, *Tristania sumatrana*; **2.** sj tumbuhan (pokok), keruntum, pelawan, *Tristania subauriculata*.

selunda sj ikan laut.

selungkap tidak melekat lagi (kulit dll), terkelupas, tersungkap.

selungkup ark; **menyelungkupi** menutupi, melingkupi.

selungkur; menyelungkur 1. merempuh masuk utk mencari (mengambil dll) sesuatu, membongkar: *mereka bersedia mencari peluang utk ~ masuk ke dlm gedung makanan itu*; **2.** ki membongkar, mendedahkan, memaparkan: *kecenderungannya pula ialah ~ kisah-kisah penderitaan rakyat*; **selongkar**.

selunsur → **seluncur**.

selup sj perahu; **selob, sulup I.**

selupan ark bunga melati.

selupat kulit tipis, kulit ari, selaput: ~ *telur*.

selurah ark seluruh.

selurai sj makanan drpd tepung gandum yg berjaja-jala rupanya, roti kirai, roti surai.

seluru sj tumbuhan (pokok memanjat yg daunnya dibuat ubat), *Pericampylus glaucus*.

seluruh segenap, seantero, semuanya (dianggap satu): *Mahkamah Tertinggi telah ditubuhkan utk mentadbirkan keadilan di ~ Persekutuan*; ~ *perhatian mestilah diberikan kpd percakapan itu*; **menyeluruh 1.** merebak atau meluas (ke seluruh, ke serata tempat, dll): *pengaruh pakaian batik di luar negeri belumlah begitu ~*

lagi; **2.** meliputi atau merangkumi semua aspek (perkara dll): *satu sistem yg ~ utk menyampaikan maklumat*;

menyeluruhi meliputi seluruhnya, meratai: *pandangannya ~ ruang bilik darjah itu*;

keseluruhan 1. perihal semuanya (seluruhnya): *baca rencana itu berkali-kali dan fahamkan maksud ~nya*; **2.** kesatuan, keseutuhan: *masing-masing tidak dapat berdiri sendiri, melainkan harus merupakan suatu ~*; *pd ~ nya pd umumnya, amnya.*

selurut; menyeluruti 1. melurut (akan); **2.** ki memandang dgn tajam, menyoroti: *mereka ~ tubuh gadis itu.*

selusuh I; menyelusuh menggelongsor (meluncur, melorot, dll) turun.

selusuh II jampi (ubat) utk memudahkan orang bersalin;

~ anak jampi dll yg memudahkan anak keluar (ketika bersalin); ~ uri jampi dll yg memudahkan uri (sembunyi) keluar.

selusuh III; *~ fatimah sj tumbuhan (pokok kecil), Labisia pothoina.*

selusup; menyelusup 1. masuk ke dlm hutan (semak dll), masuk ke bawah sesuatu; **2.** masuk dgn diam-diam (ke kawasan musuh dll), menyeludup; → □**susup.**

selusur I; menyelusur menggelongsor (meluncur, melorot) turun, menggelincir;

menyelusurkan meluncurkan, melorotkan;

terselusur tergelincir, tergelongsor.

selusur II tempat berpegang atau pengadang pd titi (jambatan dll), langkan.

selut lumpur: *ia duduk di atas batas sambil menyapu-nyapu ~ di betisnya*; *jejak ~ kaki terbenam prb membuat sesuatu hal yg tidak diketahui benar-benar akhirnya akan mendapat kekecewaan*;

berselut 1. penuh dgn selut: *di sana sini terdapat kawasan yg berlembah dan ~*; *sungai itu sudah tidak mampu menampung bot*

atau kapal yg masuk kerana dasarnya semakin cetek dan ~; 2.

diselaputi atau dikotori selut, kena selut: basuh tayar yg ~ itu.

seluwit; *burung ~ sj burung, burung takau, Calyptomena viridis viridis.*

selva (sélva) (Sepanyol) kawasan hutan tebal di lembah Sungai Amazon.

sema bp semua.

sema-sema (séma-séma) sj cadik (perahu), katir.

semabur Kl hampir sama (serupa).

semadi = bersemadi 1. mengheningkan cipta dan memusatkan fikiran:

sedang ia bersemadi di gua Hira' tiba-tiba datang seorang yg

tidak dikenalnya dan memberi salam kepadanya; 2. ki kekal:

perasaannya sudah masuk ke otaknya dan ~ di situ; di situlah

rupanya ~ Raja dan Rani dewa dewi percintaan;

menyemadikan mengebumikan, menguburkan: *jenazahnya telah*

selamat disemadikan di tanah perkuburan Islam di situ;

persemadian perihal bersemadi.

semafor (sémafor) **1.** sistem memberi isyarat dgn menggunakan tangan,

memegang dua bendera yg digerak-gerakkan dsb dlm kedudukan

tertentu utk melambangkan huruf yg berlainan dlm abjad; **2.** alat

dgn lampu merah dan hijau yg digunakan utk memberi isyarat di

landasan keretapi.

semah-semah (sémah-sémah) → **sema-sema.**

semah (sémah) jamuan makanan dll yg diberikan kpd hantu atau orang

halus (dgn sesuatu tujuan): *kalau makyung itu akan dimulai,*

ketuanya akan membuat ~, menanam azimat dan memotong ayam;

bersemah mengadakan upacara semah: *dr sinilah timbulnya adat*

memuja pantai dan ~;

menyemah menyediakan (menghidangkan) semah utk hantu atau

orang halus, menjamu: *istiadat merenjis tepung tawar atau ~*

pantai adalah utk memujuk penunggu laut;

menyemahkan menyediakan (menghidangkan) sesuatu sbg semah, mengadakan semah: *aku cadangkan supaya disemahkan dahulu tempat itu sebelum didirikan kelong;*

semahan semah;

penyemahan perbuatan dsb menyemah(kan): *~ kali ini adalah kali terakhir, kerana itulah adat kaumnya.*

penyemah 1. semah, semahan; **2.** orang yg menyemah.

semai I benih tumbuhan (yg telah bercambah) yg akan ditanam di tempat lain: *aku mencabut ~ dan ayah membajak di sawah;*

menyemai menanam atau menabur benih di tempat yg tertentu (yg akan dipindahkan ke tempat lain): *dialah yg ~, membuang rumput, dan menuai;*

menyemaikan 1. menanam atau menabur benih di tempat yg tertentu (dan akan dialih ke tempat lain): *semaikan beberapa biji kacang buncis dlm sebuah pasu tanah;* **2.** ki memupukkan, menyebarkan: *~ semangat kebangsaan pd tiap-tiap warganegara;*

tersemai 1. telah disemai(kan); **2.** ki telah merebak atau tersebar (sesuatu ideologi dll);

semaian 1. sesuatu yg disemai, semai; **2.** = **persemaian, pesemaian** tempat menyemai(kan): *tapak ~;*

penyemaian perbuatan dsb menyemai(kan): *~ tisu; perkembangan moral yg berupa ~ nilai-nilai akhlak yg diperlukan.*

penyemai 1. orang yg menyemai (benih dsb) atau menyemaikan (rasa, semangat dsb): *orang tua sbg ~ rasa akrab antara keluarga berlainan bangsa;* **2.** alat utk menyemai: *mesin ~ padi.*

Semai II penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Senoi yg tinggal di kawasan banjaran Titiwangsa, meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat.

semaja sl (se)memangnya, sesungguhnya, sahaja, tentu: *jikalau terhunus keris panjangnya itu, ~ berterjunlah segala raja di peseban ini.*

semak I 1. = **semak-semak** tumbuh-tumbuhan yg kecil-kecil dan rendah-rendah, belukar: *rumpun dan ~ tumbuh di tebing-tebing sungai itu; 2.* ditumbuhi tumbuh-tumbuhan yg kecil-kecil dan rendah: *budak itu diupahnya supaya membersihkan halaman rumahnya yg ~; 3.* ki kusut (perasaan, fikiran, dll), kacau: *Muluk terasa ~ di dada;*

~ hati = hati ~~~ tidak keruan fikiran (perasaan dll), berkecamuk fikiran dll; ~ samun berjenis-jenis tumbuh-tumbuhan yg kecil-kecil;

~~~ disiangi, rimbun-rimbun ditutuh prb sesuatu benda hendaklah dijaga dan dipelihara baik-baik; *dr ~ ke belukar* prb meninggalkan sesuatu yg buruk, tetapi mendapat yg buruk juga;

menyemak 1. tumbuh menjadi semak (tumbuh-tumbuhan), menyerupai semak: *dia menyabit rumput, lalang, dan seberapa banyak tumbuh-tumbuhan yg ~ di sekeliling rumahnya; 2.* tidak teratur (tersusun), herot-herot, kusut; **3.** semak hati;

menyemakkan 1. membiarkan tumbuh semak; **2.** merisaukan (fikiran dll), mengusutkan.

semak II Id, bp sama emak (ibu).

semak (sémak); **menyemak 1.** mendengarkan atau memerhatikan (percakapan, bacaan orang) dgn teliti: *murid mesti ~ kalau guru mengajar; 2.* mengkaji, meneliti: *murid-murid hendaklah ~ jawapan yg ada di dlm jadual ini; 3.* memeriksa atau meneliti kembali (supaya tidak ada yg salah dll), memerhatikan baik-baik: *sukatan pelajaran yg digunakan pd zaman penjajah dahulu perlu disemak semula;*

semakan catatan (angka, kependekan, dll) utk dirujuk, rujukan: *sampul surat yg mengandung permohonan hendaklah ditanda dgn nombor ~ jawatan yg tertentu;*

penyemakan perbuatan (kerja dsb) menyemak: *setelah ia berpuas hati dgn kebolehan orang-orang bawahnya, dia tidaklah melakukan ~ lagi;*

penyemak orang yg menyemak, peneliti, pemeriksa.

semakin → □ **makin.**

semalakama sl → □ **malakamo.**

semalam → □ **malam I.**

semalu sj pokok renek yg bunganya kecil, berwarna merah jambu, kuning dsb dan berbau harum, puteri malu, *Mimosa pudica.*

semambu I sj rotan yg besar (biasanya dibuat tongkat), *Calamus scipionum.*

semambu II = *hantu* ~ sj hantu.

semambu III sj ikan laut, *Germo sibi.*

semampai Mn tinggi dan lembut (tubuh), lampai, langsing: *badannya tinggi ~, matanya besar dan hitam, alisnya seraut jatuh; lemah ~ lemah gemalai (lenggang).*

semampang ark sekiranya, kalaulah.

semapat sj tumbuhan (pokok), gerunggang betina, mempapit, mempat (hitam), mempitis, mempoyan, sepedas bunga, *Cratoxylon cochinchinense.*

seman (séman) = **kesemanan 1.** tidak jadi (tapai, apam, dll), gagal; **2.** hilang (ingatan): *berubah fikiran ingatan ~;* **3.** tidak sempurna (anak dlm kandungan dll), rosak.

semanah Ph; *tak* ~ tidak senonoh (pakaian dll), buruk.

semanda → **semenda.**

semandan ark pengiring (pengapit) pengantin.

semandarasa, semandarasah → □ **semendarasa**.

semandera (semandéra) sj bendera kecil yg dipasang di haluan perahu.

semang I; *anak* ~ a) orang yg menumpang makan dan bekerja pd orang lain; b) orang yg bekerja dgn orang lain kerana terikat (oleh hutang dll); c) orang yg menolong orang lain menjalankan perniagaan dll; *induk* ~ a) orang yg memberi tumpangan (makan dan pekerjaan) kpd orang lain; b) orang yg memberikan modal (dagangan dll) kpd orang lain utk diperniagakan.

semang II sj tumbuhan (pokok), *Quisqualis densiflora*.

Semang III sj suku bangsa orang asli yg tinggal di Tanah Melayu, Pangan (di Kelantan dan di Pahang).

semangat 1. roh yg terdapat dlm segala makhluk (dipercayai mempunyai kuasa-kuasa tertentu): *tepek bantal panggil* ~, ~ *datang dlm mimpi*; ~ *padi* semangat yg menyebabkan padi boleh tumbuh dan berbuah dgn bernas; **2.** perasaan hati, jiwa: *kedua-duanya mempergunakan* ~ *perkauman utk memecahbelahkan rakyat*; ~ *kesukanan*; **3.** maksud atau tujuan yg terkandung dlm sesuatu perjanjian (ucapan dll): ~ *perjanjian Asean*; **4.** kemahuan utk melakukan sesuatu, nafsu: ~ *bekerja*; ~ *waja* kemahuan yg keras; *mempertinggi* ~ *anjing* prb bersusah payah memperbaiki nama yg jahat akhirnya akan mengecewakan sahaja;

bersemangat 1. ada semangatnya (roh yg menjiwainya dll), mempunyai semangat: *hampir ia tidak* ~ *lagi kerana terpancang akan kejadian yg ngeri itu*; **2.** berjiwa keras: *suara mereka menjadi semakin garang dan* ~; **3.** berkemahuan (utk melakukan sesuatu), bernafsu, bergiat: *mereka bersorak gembira mendengar ucapan drpd guru silat mereka yg telah tua tetapi masih* ~ *itu*;

menyemangati memberi semangat (kpd), membangkitkan semangat (keberanian, kemahuan, dll).

semangga hanya: ~ *sayalah tempat mereka menggantungkan hidup.*

semanggung alat (drpd bilah) utk memanggung ikan dll.

semanggi = ~ *gunung* sj tumbuhan (herba, daunnya boleh dimakan), kara-kara, pegaga embun, ulam gunung, *Hydrocotyle sibthorpioides*.

semangka I sj tumbuhan (herba menjalar), mendelikai, mendikai, tembikai, temikai, timun cina, *Citrullus vulgaris*; ~ *belanda* sj tumbuhan (herba menjalar), *Cucumis melo*.

semangka II sj ikan laut, *Apogon spp.*

semangkin → **makin**.

semangkuk; *kembang* ~ sj tumbuhan (pokok yg bijinya dibuat ubat), selayar, *Scaphium affine (linearicarpum)*.

semangsuk sj tumbuhan (pokok), balik angin bukit, cenderai (gajah), kemesat, melokan, mengkucing, (se)mengkeh, *Croton argyratum*.

semanja → **semaja**.

semantah sj tumbuhan (pokok), *Vitex clarkeana*.

semantan I; *nyiur* ~ buah nyiur yg sudah cukup tua (boleh mengeluarkan santan).

semantan II = *biras* ~ sj tumbuhan (pokok), *Rinoria lanceolata*.

semantik (Lin) kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata.

semantis IB bkn makna kata-kata, berhubungan dgn semantik.

semantung guruh dgn tiada hujan (cuaca yg kurang baik).

semaput Jw pengsan.

semar Kl **1.** semaian padi yg belum dipindahkan ke sawah; **2.** sj kuih.

semara (perasan) kasih, berahi, cinta;

kesemaran gila berahi; → **asmara**.

semarai I Mn berbelah, merekah, retak.

semarai II Mn; *sorak* -~ sorak-sorai.

semarak I 1. seri, cahaya; 2. ki kebanggaan, keelokan, kemegahan, kemuliaan: *menjadi ~ bangsa dan negara*;

bersemarak 1. berseri, bercahaya, gilang-gemilang: *lampu-lampu neon bersemarak gilang-gemilang menerangi seluruh kota*; 2. ki mulia, megah, meriah, gembira, dll: *malam semakin ~, pasangan-pasangan menari terus; sejak itu ~lah nama Pak Wir dan ~ pula nama jawatannya*; 3. bertambah besar, berkembang, menjadi-jadi: *sbg api itulah ~ cintanya kepadaku*;

menyemarakkan 1. menjadikan bersemarak, menggembirakan, menyerikan: *kalaupun ada perayaan, Ramli pun dipanggil utk ~ perayaan tersebut*; 2. membangkitkan semangat: *bayangan cita-cita yg indah akan ~ semangat*;

kesemarakkan keadaan semarak: *~nya meluap-luap tanpa sebarang saluran utk diluahkan*;

penyemarakkan perihal (proses dll) menyemarakkan.

penyemarak orang atau sesuatu (faktor, unsur dsb) yg menyemarakkan: *kemenangan ini merupakan ~ semangat yg sangat dicari-cari*.

semarak II; ~ *api* sj tumbuhan (pokok), *Delonix regia*.

SEMARAK akronim bagi Setia Bersama Rakyat (suatu kempen yg bertujuan mengeratkan lagi jalinan hubungan antara pemimpin dgn rakyat).

semaram I sj tumbuhan (pokok), balam sundik, getah sundik, surin, *Payena leerii*.

semaram II sj ikan laut, *Centrogenys vaigiensis*; ~ *karang* sj ikan laut, *Synanceja verrucosa*.

semat benda (jarum peniti, peniti cantil, dll) yg digunakan utk mencucuk dua benda yg hendak dicantumkan;

menyemat mencantumkan dua benda dgn semat, menusukkan semat (supaya bercantum dll): *ibu sedang ~ atap;*

menyematkan **1.** mencantumkan (dua benda) dgn semat: *sematkan tiap-tiap keping kertas tebal itu pd satu bongkah kayu;* **2.** meletakkan dgn semat: *Seri Paduka Baginda telah ~ pingat-pingat itu ke dada mereka;* **3.** mencucukkan sesuatu sbg semat: *lilitkan benang ini pd kepala dan hujung peniti yg disematkan menegak;* **4.** ki menyertakan, melampirkan: *bersama surat ini disematkan sekeping cek utk ayahanda;*

tersemat **1.** telah disemat atau disematkan, telah tercantum: *di dadanya ~ sebuah pingat yg menjadi kebanggaannya;* **2.** ki terletak, terpatery (dlm hati, ingatan, dll), terasa: *tidak seorang pun antara kawan-kawannya yg mengetahui apa yg ~ di hatinya itu;*

sematan **1.** sesuatu yg disemat atau disematkan; **2.** lampiran, tambahan (yg disertakan);

penyematan perihal menyemat atau menyematkan;

penyemat alat utk menyemat: *jarum ~.*

semawa pelawa, ajak.

semawang → **sembawang.**

semawar sj dapur kecil (yg menggunakan minyak dan angin).

semayam; bersemayam bd **1.** duduk (di atas takhta, singgahsana): *pd ketika itu, baginda kedua-dua laki isteri ada hadir ~ di atas peterana yg keemasan;* **2.** tinggal, berkediaman di: *maka akhirnya istana itu terbakar, kemudian berpindah pula baginda itu ke Riau, ~ di Riau;*

menyemayami bersemayam di, berkediaman di, mendiami: *hari ini hanya tinggal enam buah istana sahaja yg masih wujud dan tiada sebuah pun yg disemayami oleh raja;*

menyemayamkan mendudukkan (di atas takhta, singgahsana):
maka disambut oleh temenggung tangan baginda dan disemayamkan ke atas singgahsana takhta kerajaan;

persemayaman tempat-tempat bersemayam (duduk, tinggal):
Shah Alam ialah tempat ~ Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

sembabat Jk cocok (sesuai, sama, pantas) benar.

sembada Jw, sl patut.

sembah 1. penghormatan kpd raja dll (dgn menangkupkan kedua-dua tapak tangan serta menyusun jari dan mengangkat ke atas hingga ke paras dagu ataupun hingga ke dahi): *mengangkat ~*; **2.** kata-kata yg ditunjukkan kpd raja (orang yg dimuliakan): *setelah raja China mendengar ~ tabib itu, maka raja China pun menitahkan utusan ke Melaka minta air basuh kaki raja Melaka; berdatang ~ berkata kpd raja (orang yg dimuliakan); ~ salam = ~ dan sujud hormat dan khidmat (dlm surat-menyurat kpd orang yg dihormati dll); ~-simpuh* tertib sopan (kelakuan);

bersembah berkata dgn hormat dan takzim;

bersembahkan sl = **mempersembahkan**;

menyembah 1. memberi hormat dgn mengangkat sembah: *maka sekalian orang yg duduk di bawah itu pun ~*; **2.** memberi hormat dgn mencium dll pd (lutut dll): *anak Pangeran Mas Seri Negara itu ~ lutut paduka ayahandanya*; **3.** menghormati sesuatu sbg Tuhan atau dewa, memuja: *~ berhala; ~ matahari*; **4.** mengaku diperintah oleh (ditakluki oleh dll), tunduk kpd, mengaku taat kpd: *Sultan Muzaffar Shah tiada mahu ~ ke benua Siam; ~ bumi tumbang tertiarap di bumi, roboh: dia tersungkur ~ bumi dgn kepalanya berlumuran darah di hadapan orang ramai yg*

kegemparan; kondominium yg sudah lama didiami itu tiba-tiba ~ bumi;

menyembahkan, mempersembahkan **1.** menyampaikan (berita, surat, dll) dgn takzim, mengatakan, menceritakan: *sekiranya rang undang-undang ini tidak diluluskan oleh Dewan Negara pun boleh disembahkan kpd Yang di-Pertuan Agong; maka laksamana pun ~ segala hal ehwalnya; 2.* memberikan (mengunjukkan dll) dgn takzim: *maka Pak Kaduk pun segeralah ~ ayamnya itu, lalu disambut oleh baginda serta diamat-amati; 3.* menghidangkan (pertunjukan dll), mempertunjukkan (permainan dll): *malam ini akan dipersembahkan filem Tiga Dara;*

sembahan yg disembah (Tuhan), yg dipuja-puja atau dihormati, pujaan: *berhala yg menjadi ~ penganut agama Buddha;*

persembahan **1.** hadiah (kpd raja, orang-orang yg lebih tinggi martabatnya): *segala negeri takluk datang memperhambakan diri, masing-masing dgn persembahannya; 2.* sesuatu yg dihidangkan atau dipertunjukkan (permainan, pementasan, filem, dll): *~ lakonan yg diselingi lagu-lagu;*

penyembahan **1.** perihal menyembah atau memuja; **2.** pemujaan;

penyembah orang yg menyembah, pemuja: *~ berhala.*

sembahyang **1.** perbuatan menyembah Allah, solat; *~ lima waktu (fardu, wajib)* sembahyang yg wajib dikerjakan dlm sehari semalam (iaitu subuh, zuhur, asar, maghrib, dan isyak); *air ~ air* utk bersuci sebelum sembahyang, wuduk; *ada air ~ berada* dlm keadaan yg membolehkan seseorang mengerjakan ibadat spt sembahyang, membaca al-Quran, dsb; **2.** (bagi orang bukan Islam) permohonan kpd Tuhan, doa;

~ berjemaah sembahyang beramai-ramai (dgn berimam); *~ fardu* sembahyang yg diwajibkan (bagi orang Islam yg sudah baligh)

mengerjakannya; ~ *hajat* sembahyang istimewa utk memohon (kpd Allah) sesuatu; ~ *Jumaat* sembahyang berjemaah pd hari Jumaat (waktu zohor); ~ *mayat (orang mati)* sembahyang utk orang mati; ~ (*hari*) *raya* sembahyang sunat pd hari raya; ~ *sunat* sembahyang yg tidak diwajibkan mengerjakannya (sembahyang tahajud dll); ~ *tahajud* sembahyang sunat pd waktu tengah malam (hendaklah tidur dahulu sebelumnya); ~ *tarawih* sembahyang sunat yg dilakukan pd malam hari dlm bulan Ramadan; ~ *mencari akal, rukuk mencari kira-kira* prb orang yg rupanya soleh tetapi hatinya cabul dan suka mengerjakan perkara yg terlarang;

bersembahyang 1. melakukan sembahyang (solat): *pd suatu hari raya, Rasul Allah berjalan-jalan di Madinah selepas ~ raya*; **2.** (Kristian) berdoa pd petang hari (agama Kristian), bermohon kpd Tuhan; ~ *pujian* upacara berdoa pd petang hari (agama Kristian); **3.** (di kalangan orang Cina) upacara utk menghormati nenek moyang;

menyembahyangkan mengerjakan sembahyang utk (ditujukan kpd): *seorang akan merobekkan kafan dan seorang menjadi imam ketika ~ dia.*

sembai pasir halus (spt tahi lombong).

sembai (sémbai) Mn; **menyembai** menyambut dgn pantas, menyambar, merengkuh, merenggut.

sembak 1. sj ikan laut, *Euthynnus alleteratus*; **2.** sj ikan laut, *Germo sibi*.

sembam I; *sungkur* ~ = **menyembam, tersembam** jatuh tersungkur (ke depan), terjerumus, tertiarap: *seorang lagi kelihatan lesu, jatuh melutut kemudian menyembam; batang-batang bulat, minyak gris dan minyak-minyak lain semuanya boleh menyebabkan seseorang itu tersembam;*

menyembamkan menungkupkan muka pd sesuatu, membenamkan muka: *ia pun ~ muka ke bantal dgn tangis yg terus menggila.*

sembam II sembap atau bengkak (muka).

sembam III Mn; **menyembam** membakar (memasak) dlm abu panas, membembam.

sembang; *akar meroyan* ~ sj tumbuhan (bendalu), akar asam tebing darat, akar (daun) ketam, akar segunja, daun bajang, serundang, *Anadendrum montanum*.

sembang (sémbang) perbualan, percakapan: *bertali-tali borak dan ~ mereka menjelang waktu petang;*

bersembang berbual, berborak, bercakap-cakap: *kita sama-sama ~ tiap-tiap malam di tembok itu dahulu.*

sembap bengkak, balut, gembung: *mukanya ~ dan pucat;*

kesembapan keadaan sembap: *bahan ini bertindak menyusutkan ~ supaya kulit di sekeliling mata lebih berseri.*

sembar → **sabur**.

sembar (sémbar) Mn sambar.

sembarang apa (asal, siapa, dll) sahaja, sebarang, asal sahaja: *Hayati orang bersuku, berhindu, berkaum kerabat, bukan ~ orang;*

sembarangan dgn begitu sahaja, tidak menentu, tidak dgn usul periksa, tidak memilih: *abang tidak patut menuduh ~ spt itu; buku itu agak ~ isinya dan agak liar gayanya;*

menyembarangi melakukan dgn sembarangan (tidak dgn usul periksa, ikut suka, dll).

sembari sambil, serta: *Anuar berkata dgn senyum dibuat-buat ~ memandang kpd abangnya.*

sebat; **menyembat** menyebat; → **sebat I**.

sebat (sémbat) I sj jerat yg menggunakan joran;

menyembat 1. menarik dgn pantas, menyendal (keris dll), menyentak, merenggut, memiuh (kail, dll): *maka disembatnya keris Betara, dapat lalu dipakainya oleh Tun Bija Sura*; **2.** membingkas (jerat dll), melenting, menganjal.

sembat (sémbat) II sj jahitan (utk menetapkan tepi berlipat) yg menyerong; ~ *susup* jahitan sembat yg tidak nampak benangnya;

menyembat membuat (menjahit) sembat: *lipatkan lapik itu dan sembat atas garisan jelujur halus.*

sembawang sj tumbuhan (pokok), *Kayea ferruginea*.

sembayan Mn madu;

bersembayan bermadu.

sembelih; menyembelih memotong leher (binatang dll hingga putus merahnya), menggorok, membantai: *pd pagi-pagi esoknya Pak Pandir pun merapus kerbau lalu disembeluhnya*; ~ *ayam dgn pisau*, ~ *orang dgn kapas* prb manusia harus diperlakukan dgn lemah lembut;

sembelihan sesuatu yg disembelih (utk disembelih): *kerbau ~*;

penyembelihan 1. perbuatan menyembelih, pemotongan: *dua ekor kerbau itu ditambat di belakang rumahnya sementara menunggu hari ~nya*; **2.** daging upah menyembelih; *tidak usak kerbau oleh ~* prb tidak akan menjadi miskin bagi orang kaya yg berderma;

penyembelih 1. orang yg kerjanya menyembelih; **2.** alat (spt pisau dll) utk menyembelih.

sembelit I sukar buang air besar, sukar ke sungai besar.

sembelit II; ~ *darah (putih)* = akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kelentit kera, akar perejeb, *Santaloides spp.*; ~ *jalan* sj tumbuhan (pokok renek yg memanjat), akar belimbing, akar kacang inai, saga negeri, *Abrus pulchellus*; ~ *jangka* sj tumbuhan (pokok), lorotan haji, *Dalbergia tamarindifolia*; ~ *jantan (papan)*

sj tumbuhan (pokok renek), akar merah, akar sekalat, bunga setebal, *Connarus ferrugineus*; ~ *jekok* sj tumbuhan (pokok kecil), katut selayer, saga monyet, *Breynia discigera*; ~ *patung* sj tumbuhan (pokok renek), kayu putih, kelurut tanjung, naga buana (jimat), ubat kelurut, *Phyllanthus pulcher*.

sember (sembér) pecah (bunyi, suara), menggeletar.

semberani I; *kuda* ~ sl kuda yg bersayap (boleh terbang).

semberani II; *besi* ~ besi berani; **berani II**.

semberap sl selengkapnya (persalinan, sirih, dll).

semberip dulang (talam) yg berkaki, pahar kecil, cerana.

semberono 1. tidak hati-hati (tidak difikirkan baik-baik), sembarangan sahaja, kurang teliti: *melakukan sesuatu dgn ~*; **2.** kurang sopan (perkataan, perbuatan), kurang manis (dlm erti kiasan);

menyemberonokan melakukan sesuatu dgn kurang teliti (kurang sopan, kurang manis, sembarangan, dll);

kesemberonoan 1. perihal semberono (sembarangan); **2.** kelalaian, kelengahan.

sembesi ark sl sj kuda.

sembeta (sembéta) kayu dll utk menahan atau menyokong perahu di darat supaya jangan terguling, jermang.

sembiang ark sj tempuling kecil, seligi (utk menikam ikan).

sembih → **sembir III**.

sembilan bilangan sepuluh kurang satu (9); ~ *belas* 19; ~ *puluh* 90; ~ *ratus* 900;

bersembilan sembilan (orang dsb) bersama-sama sekali, sembilan (orang dsb) semuanya: *kami ~ ditempatkan di sebuah rumah lain*;

kesembilan (peringkat, bilangan dsb) yg nombor sembilan: *banjir ini adalah kali yg ~ berlaku di sini; dia merupakan anak yg ~ drpd sebelas orang adik beradik*;

kesembilan-semblilan semua seramai atau sebanyak sembilan (orang dsb) sekali: ~ *anaknyā berhari raya di kampung pd tahun ini.*

sembilang 1. sj ikan darat yg bisa sengatnya, *Paraplotosus anguillaris*;

2. = ~ *karang* sj ikan laut yg bisa sengatnya, gemang, kelara, (unsat-unsat), *Plotosus spp.*.

sembilik; *puru* ~ penyakit buasir (kelepasan dubur).

sembilu kulit buluh yg nipis lagi tajam (digunakan utk mengerat tali pusat bayi yg baru lahir dll), selumbar buluh: *ia meraba ke dadanya mencari kalau-kalau benar ada ~ yg tertusuk ke situ; serasa dihiris dgn ~ a) pedih atau sakit sekali; b) (rasa hati) terlalu sedih, pedih hati;*

menyembilu ki tajam (perkataan);

sembiluan pedih atau sakit sekali (spt dihiris dgn sembilu).

sembir I 1. bahagian tepi atau pinggir (pinggan, dulang, surat, dll); **2.** sanding (pd buah belimbing dll);

sembiran perbatasan (negeri dll), sempadan.

sembir II = menyembir tidak tepat arahnya (jarum kompas dll).

sembir III sj ikan laut, *Hemirhamphus marginatus*.

semboja → kemboja.

sembor Mn sembul.

semboyan 1. alamat (bunyi tetuang, kibaran bendera, dll) utk memberitahu, tanda, isyarat: *setelah sampai ke pertengahan jalan, kedengaranlah bunyi ~ lima das alamat raja besar telah mangkat;*

2. kata rahsia (sbg alamat utk mengenal kawan sendiri dll): *katakanlah ~ pengenal itu dan kalian akan kuampuni;* **3.** kata atau rangkaian kata yg dijadikan pegangan atau ikutan, cogan kata: *taat setia ialah ~ bagi pasukan Askar Melayu; ~ kita hanyalah satu, Merdeka dan tetap Merdeka;*

bersemboyan menggunakan (memakai) semboyan;

bersemboyankan menggunakan sesuatu sbg semboyan;

menyemboyankan 1. memberitahu (mengisyaratkan) dgn semboyan; 2. menggunakan atau menjadikan sesuatu (rangkaiian kata dll) sbg semboyan.

sembuang I pancang yg besar-besar di laut (hujungnya dihubungkan) utk melindungi atau tempat menambat perahu dll.

sembuang II ancak (semah) yg dibuang ke hutan.

sembuh menjadi sihat kembali (orang sakit), pulih (drpd sakit, penyakit), baik, betah: *orang-orang yg sakit itu akan ~ semula dgn segera; maka apabila ~ lukanya, maka baliklah ia ke Pagar Ruyung;*

menyembuhkan menjadikan sembuh (baik, betah), mengubati (supaya sembuh): *janganlah pula kamu berharap doktor itu boleh ~ penyakit itu dlm beberapa hari sahaja;*

kesembuhan perihal sembuh;

penyembuhan perihal menyembuhkan, pemulihan;

penyembuh (sesuatu) yg menyembuhkan: *tiada ubat ~ utk penyakit AIDS.*

sembuku sj tumbuhan (pokok renek), periuk hantu, perutak, *Myrmecodia tuberosa.*

sembul; menyembul, tersembul 1. menganjur atau menonjol keluar (hujung atau kepala sesuatu drpd lubang, liang, permukaan, dll): *mata yg tersembul spt mata buaya;* 2. menampakkan diri, menjongol, timbul: *kepala buaya yg tersembul di tepi air; sebelum sedan itu meluncur, lelaki segak itu ~ keluar;*

menyembulkan 1. menonjolkan atau mengeluarkan hujung (kepala dll): *Dollah ~ biji matanya;* 2. = ~ diri menampakkan (menjongolkan) diri, memperlihatkan diri.

sembulu bp berbulu, tidak licin (papan yg tidak berketam dll).

sembung sj tumbuhan (herba yg akarnya dibuat ubat), capa, capur, sembang, sembing, sembuh, telinga kerbau, *Blumea balsamifera*; ~ *gajah* sj tumbuhan (herba), daun susu babi, pokok lokman al-hakim, rumput pasir, rumput tahi babi, *Adenostemma lavenia*; ~ *hutan* sj tumbuhan (rumpai), cenderung (cong-cong) hari, ekor kuda, rumput sepagi, rumput tahi babi, seson daun, *Vernonia cinerea*; ~ *hutan jantan* sj tumbuhan (pokok kecil), balung ayam, ceret hutan, kelusam jantan, lemak beruk, merambung bukit, *Clerodendron deflexum*; ~ *jantan* sj tumbuhan (herba), capa, ketumbit, riang batik, sawi bulan, *Erigeron sumatrensis*.

sembunyi; *main* ~ sj permainan menyorok dan mencari, main cari-carian;

~ *tuma kepala tersorok ekor kelihatan* prb menutup perbuatan jahat yg telah diketahui ramai; *lempar batu* ~ *tangan* prb berbuat sesuatu kejahatan dan kemudian berpura-pura tidak tahu-menahu;

sembunyi-sembunyi dgn tidak diketahui orang, (secara) diam-diam, (secara) senyap-senyap: *dia masuk pertandingan nyanyian secara* ~ *kerana tidak direstui oleh keluarganya*; *dgn* ~ dgn diam-diam: *mereka meninggalkan tempat itu dgn* ~; ~ *puyuh* prb a) menutup perbuatan jahat yg telah diketahui ramai; b) tidak mahu tahu akan perkara yg benar-benar berlaku;

sembunyi-sembunyian, bersembunyi-sembunyian bermain menyorok dan mencari-cari;

bersembunyi **1.** berlindung (diri) supaya tidak kelihatan, menyorok: *mereka masuk ~ di dlm rumah Menteri Besar yg telah kosong itu*; **2.** tidak mengatakan (memberitahukan) dgn sebenarnya, berahsia: *jangan kamu ~ lagi, katakan sahaja dgn terus terang*;

menyembunyikan 1. melindungi (menutup dll) supaya tidak kelihatan, menyorokkan: *maka Pak Lebai pun sampailah di tempat anjing itu ~ dirinya; di situlah tempat ia ~ hartanya yg baik-baik*; **2.** tidak menceritakan (sesuatu), merahsiakan: *ia tidak dapat ~ perasaan hatinya; kerani itu juga mungkin bersubahat ~ rahsia ini; spt harimau ~ kukunya* prb orang yg hendak menyorok-nyorokkan kelebihan dirinya;

tersembunyi tidak kelihatan, terlindung, dirahsiakan: *apakah yg ~ di sebalik kebaikan hatinya itu?; tujuan yg ~ dan kemahuan nafsu yg terpendam*;

tersembunyi-sembunyi dgn diam-diam (berselindung), tersorok-sorok;

persembunyian tempat bersembunyi (menyembunyikan): *lima bilah pedang telah dijumpai di tempat ~ samseng-samseng di Lorong Pudu*;

penyembunyian perbuatan menyembunyikan;

penyembunyi orang yg menyembunyikan sesuatu: ~ *harta*.

sembur 1. sesuatu (kunyahan sirih dll) yg dipancarkan dr mulut (utk mengubat penyakit dll); ~ *jampi (mantera)* cara mengubat penyakit dgn jampi dan sembur; **2.** ki kata-kata yg kasar (dikeluarkan kerana marah dll), makian, hamun: *kelasi yg kena ~ ini kembali membersihkan geladak spt biasa; spt polong kena ~* prb berlari lekas-lekas kerana ketakutan;

bersembur-sembur keluar memancut atau memercik (darah, air, dll), berpancaran: *dr belakang lehernya darah ~ keluar*;

bersembur-semburan saling memancarkan (air dll): *mandi ~ di sungai*;

menyembur 1. keluar dgn memancut, memancar: *sungai yg arusnya kuat, airnya merecik dan ~ menyebabkan udara di*

sekitarnya begitu nyaman; 2. = menyemburi mengubati (penyakit) dgn jampi dan sembur: *ibu hanya disembur dgn air sirih dan jampi mantera; 3. = menyemburi* memancarkan sesuatu (cat, air dll) pd: *~ dinding dgn cat berwarna biru; 4. ki* mengeluarkan kata-kata dgn kasar, menghamun, memaki: *drpd mulutnya ~ entah beberapa ratus perkataan yg tidak dapat difahami;*

sembur-menyembur saling menyembur, bersembur-semburan;

menyemburkan 1. memancarkan atau memancutkan sesuatu (kunyahan sirih, air, dll) drpd mulut: *sambil itu ia ~ sepah-sepah sirih itu ke sekelilingnya; 2.* memancarkan sesuatu kpd (dgn penyembur): *Jamilah sedang ~ minyak wangi ke badan dan tengkuknya;*

tersembur 1. terpercik (terpancar) keluar: *seorang berdua berdekah gelak hingga ~ biji nasi yg masih belum terkunyah; 2.* kena sembur, disembur; **3.** terkeluar atau terbit dgn tiba-tiba (kata-kata dll): *belum sempat Asrul melangkah keluar, tengking Puan Hayati ~ keluar; ~ gelak Mn tiba-tiba ketawa;*

semburan 1. sesuatu yg terpancar (terpancut) keluar, pancaran: *~ halus minyak bahan api itu terbakar dgn serta-merta; 2.* ki makian, marah: *dgn ~ kata-kata itu, bapa berubah dr gelegar buluh ke kepala bendul;*

bersemburan keluar memancut atau memercik (darah, air, dll), bersembur-sembur: *darah ~ keluar dr rusuknya;*

penyemburan perbuatan menyembur(kan);

penyembur 1. sesuatu (ubat-ubatan dll) yg disemburkan; **2.** alat utk menyemburkan sesuatu: *~ cat.*

semburit bk persetubuhan sesama lelaki;

bersemburit bersetubuh sesama lelaki.

semecah sj permainan kanak-kanak (dgn buah keras).

semedang sentiasa, selalu: *takkan di pejabat itu ~ kerja banyak.*

semedera sl lautan; → □ **samudera.**

semejana sedang; → **semenjana.**

semek Jk demek.

Semelai penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Melayu-Proto yg tinggal di Pahang Tengah (Tasik Bera, Sungai Teriang, Paya Besar dan Paya Badak) dan sempadan Pahang menghala ke Negeri Sembilan (Sungai Lui dan Ulu Muar).

sememeh (seméméh); **bersememeh** berselekeh mulut (kerana terpalit kuih dll), cemas, comot: *solekan ~ apabila kita berpeluh.*

semen (sémen) (Bio) cecair beralkali yg mengandungi sperma dan bahan bernutrien, yg dihasilkan oleh lelaki atau haiwan jantan, mani.

semenanjung tanah yg menganjur panjang ke laut, jazirah: *S~ Tanah Melayu; ~ Arab;*

kesemenanjungan keadaan yg menunjukkan ciri-ciri semenanjung: *ciri-ciri ~.*

semenda pertalian kekeluargaan menerusi perkahwinan;

keluarga ~ keluarga kerana perkahwinan; orang ~ orang yg berkahwin dgn anggota drpd suku yg lain;

bersemenda berkahwin: *setelah sampai idahnya, diminta orang engkau akan ~ ke sana; si suami tidak mempunyai kuasa utk mencampuri perkara-perkara besar yg timbul dlm suku tempat ia ~;*

semenda-menyemenda saling mengahwini (antara dua keluarga);

persemendaan hal yg berkaitan dgn bersemenda: *hubungan ~.*

semendal ark abrak, batu cermin, mika.

semendarasa sl bunga cempaka; ~ *Wilis* cempaka biru.

semenggah patut, senonoh, layak; *kelakuannya tidak ~ tidak senonoh kelakuannya.*

semengkih sj tumbuhan (pokok), balik angin bukit, ceret budak, cenderai (gajah), kemesak, melokan, mengkucing, semangkuk, *Croton argyratum.*

semenjak mulai dari, sejak: *ia tidak pernah datang-datang lagi ~ lamarannya dahulu ditolak; sejak.*

semenjana sl sedang; → **semejana.**

semenjuh; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar banar, akar gadung tikus, akar kelona betina, banar (canar) babi, gadung jantan, kijil, Smilax helferi.*

sementah sj tumbuhan (pokok), manggis, *Garcinia mangostana.*

sementang 1. = ~ *pun* sungguhpun, walaupun, biarpun: ~ *pun patik orang Bugis tiada akan mengamuk; 2.* = **sementang-mentang, sementangkan** kerana ... maka, mentang-mentang.

sementara 1. utk beberapa ketika sahaja (tidak lama), tidak kekal: *utk ~; bantuan ~; 2.* = **sementaraan** sl selama, selagi: *telah sampai di Pahang, duduklah ia memerintah negeri Pahang, ~ belum beraja; marilah cucuku yg kedua ini kududukan sai-sainya sementaraan aku lagi hayat; 3.* sedang (berlakunya sesuatu dll): *pengetahuan orang pd masa itu semuanya berdasarkan kepercayaan, ~ kepercayaan mereka memang tidak mengenali apa-apa batas pun; 4.* = ~ *itu* pd ketika itu, dlm pd itu: *~ itu kapal belayar juga, makin lama makin laju; 5.* di samping: *~ bertindak sbg Timbalan Perdana Menteri, beliau juga dapat menambah pengalamannya; ingat ~ belum kena, jimat ~ belum habis prb hendaklah sentiasa berwaspada dan hati-hati (supaya jangan terlewat dll);*

kesementaraan perihal (sifat) sementara, keadaan (sifat) tidak kekal: *kesedaran terhadap kenyataan bahawa ~ hidupnya akibat peperangan, tidak mungkin dia menyimpan harta.*

sementelah = **sementelahan** sl lebih-lebih lagi, tambahan pula, apalagi: *sudah tidak sabar lagi dia mencari, ~nya hari sudah mulai malam; aku tidak sanggup hendak ke kuala kerana tidak sedap badan sementelahan pula hari hujan.*

sementung bodoh, dungu, tolol.

semer (sémér) Kl **1.** tidak sedap rasanya (makanan); **2.** tidak bersemangat (ucapan).

semerbak **1.** merata (bau yg wangi), meruap: *minyak yg ~ harum baunya sudah disiramkan di dalamnya;* **2.** harum: *bunga-bunga yg ~ baunya;* **serbak.**

semerdanta sl putih spt warna bunga serigading (gigi).

semerit → **semerip.**

semerta tanpa berlengah-lengah, serta-merta: *mereka mesti bertindak balas dgn ~; pemulihan boleh diadakan secara ~ dlm bilik darjah; kontrak ~.*

semesta sl seluruh, segenap, sekaliannya; ~ *alam* = *alam* ~ seluruh alam; **kesemestaan** keadaan semesta: *yg termuat di dalamnya bentuk-bentuk intelektual dlm darjah ~ yg lebih kecil.*

semester (séméster) satu drpd dua sesi pengajian dlm sesuatu tahun akademik di pusat pengajian (universiti, kolej, sekolah, dsb): ~ *pertama;* ~ *kedua.*

semetik sj taut (yg berbingkas apabila mengena).

semi tunas, taruk; *musim* ~ musim bunga (selepas musim sejuk);

bersemi bertunas: *tanah penimba belum spt semula, kayu kemboja belum panjang ~.*

semi- (sémi) *awalan asing* separuh atau setengah, mis *semiparasit.*

semiak Pr; *tak* ~ tidak sedap badan.

semiang = ~ *kalam* sedikit benar; ~ *pun tak ada* sedikit pun tidak ada.

semidra; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), *Acronychia laurifolia*.

semifinal (sé semifinal) Id (pertandingan) separuh akhir.

semikonduktor (sé mikonduktor) (Fiz) bahan (mis silikon dan germanium) yg kadar aliran elektriknya bertambah dgn bertambahnya suhu (nilai kadar ini terletak antara kadar aliran logam dan penebat).

semilang bp □sebilang.

semiliang sj tumbuhan (pokok), *Aglaia spp.*

semilir → □**silir I**.

semilu → □**sembilu**.

seminai sj tumbuhan (pokok), belian, betis, putat bukit, surin, *Madhuca utilis*.

seminar sl bersinar-sinar; → □**sinar**.

seminar (sé minar) perjumpaan utk berbincang atau bertukar-tukar pendapat tentang perkara-perkara tertentu: *pd tahun lepas, ia telah pergi menghadiri ~ utk membincangkan kedudukan kaum wanita;*

berseminar mengadakan seminar, menghadiri (menyertai) seminar: *janganlah kita asyik ~ tanpa usaha lanjutan;*

menseminarkan membahaskan sesuatu perkara, isu, dsb dlm seminar: *perkara itu perlulah diseminarkan terlebih dahulu.*

seminari (sé minari) maktab (sekolah latihan) utk melatih bakal paderi.

seminaris (sé minaris) IB pelajar atau penuntut di seminari.

seminau bercahaya, berkilau-kilau, bersinar; → □**sinau**.

semingkin bp makin.

semiotik (sé miotik) (Lin) kajian tentang tanda dan lambang terutamanya hubungan antara tanda dan lambang dgn benda atau idea yg dimaksudkan.

semiparasit (sémiparasit) (Bio) parasit, khususnya beberapa jenis kulat, yg boleh juga menjalani hidup sbg saprofit.

semipro (sémipro) singkatan bagi semi-profesional: *pemain skuad ~; liga ~ bermula Mei ini.*

semi-profesional (sémiprofésional) bkn orang yg mengambil bahagian dlm sesuatu kegiatan utk mendapatkan bayaran tetapi bukan sbg pekerja tetap.

semir IB **1.** = ~ *sepatu* sj bahan (lemak, minyak) utk mengilatkan kulit atau kasut kulit; **2.** = *minyak* ~ sj minyak utk melincirkan (melicinkan) mesin dll, minyak pelincir; **3.** Id, bp wang suap;

menyemir **1.** mengilatkan dgn semir; **2.** membubuh minyak supaya lincir atau licin (mesin); **3.** bp memberi suap, menyogok.

semomah sj tumbuhan (pokok kecil), hujan panas, seruyan, *Breynia rhamnoides.*

Semoq Beri (semoq béri) penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Senoi yg tinggal di kawasan pinggir Pahang dan Terengganu.

sempada; *ketam* ~ sj ketam.

sempadan **1.** batas (negeri, daerah, kampung, dll), perbatasan: *pertempuran berlaku di ~ Thai-Malaysia*; **2.** tanda garisan, (pancang dll) perbatasan atau batas; **3.** (Mat) salah satu garisan lurus yg membatasi sesuatu rajah (segi tiga, segi empat, dll): *rajah segi tiga ada tiga ~ dan tiga sudut*; **4.** ki had, takat: *ia kasih kpd anaknya, tetapi kasihnya itu ada ~nya*;

bersempadan = ~ *dgn* berbatas dgn (sesuatu kawasan, daerah, dll): *negeri-negeri yg ~ dgn Lautan Atlantik*;

bersempadankan mempunyai (sesuatu) sbg sempadan: *kawasan tersebut merupakan kawasan hutan simpan dan ~ ladang getah*;

menyempadani menjadi (garis) sempadan bagi atau kpd, membatasi, memisahkan, menceraikan: *jalan sempit yg ~ Kampung Kambing dgn bangunan-bangunan pekerja JKR;*

persempadanan hal yg berkaitan dgn sempadan (spt penentuan sempadan dll): *sengketa ini jelas membayangkan bahawa sebahagian besar masalah ~ antarabangsa khususnya di rantau ini belum lagi dapat diatasi sepenuhnya; ~ bahagian pilihan raya (Udg) perubahan yg dibuat dlm pembahagian kawasan persekutuan dan negeri kpd bahagian pilihan raya selepas kajian semula dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan syor yg dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya supaya diubah mana-mana bahagian pilihan raya.*

sempak; bersempak-sempak bersepak-sepakan (ayam yg disabung).

sempak (sémpak) sumbing (pinggan, mangkuk dll), sompek.

sempal I; menyempal, tersempal menyembul atau tersembul keluar (pusat yg bujal, tembakau songel, dll).

sempal II; menyempal mengisi (lubang, mulut dll) penuh-penuh, menyumbat, menjejal: *buluh yg disempal dgn daun pisang; ~ lidah (mulut) ki mendiamkan diri, tidak menyahut (panggilan orang dll);*

tersempal 1. tersekat (di tekak dll), tersumbat; **2.** ki tidak terasa apa-apa, kelu.

sempal III Jk patah (dahan, cabang kayu, dll), sekah;

menyempal mematahkan (dahan kayu dll), menyentak hingga (menyebabkan jadi) sekah.

sempalai; bersempalai, tersempalai terlantar (spt bangkai) kerana terlalu letih dll.

sempang I = *tanda* ~ garis pendek melintang utk menceraikan suku kata, tanda hubung; → □ **sengkang**.

sempang II; ~-*sempung* berolang-aling (perahu), terolek-olek: *belalah perahu buruk ~-sempung di pangkalan itu*.

sempat masih ada peluang (waktu, masa) utk..., dan (bp): *saya cuba lari tetapi tak ~, saya hanya dapat berundur ke belakang*;

menyempat menantikan peluang (waktu yg baik); *tak ~* tidak mahu menunggu-nunggu (bertanggung) lagi;

menyempati mendapat peluang (waktu) utk;

menyempatkan mengadakan peluang utk, meluangkan waktu utk;

kesempatan peluang utk, waktu yg terluang utk: *Rejab mengambil ~ itu utk melarikan diri; hal ini tidak memberikan ~ kepadanya utk membalas; pd ~ lain, kerajaan Amerika menunjukkan kuasa kekerasan dan campur tangannya secara tentera*;

berkesempatan ada kesempatan (peluang) utk: *kadangkala apabila ~, dia pulang menjenguk ibunya di kampung*.

sempayan; ~ *pitu* sj tumbuhan (pokok kecil), celeguri, guriam, kecolam, lampin budak, puding, *Clerodendron disparifolium*; ~ *ular* sj tumbuhan (pokok kecil), kelentit nyamuk (laut), medang putih, pena-pena, senyamuk, *Guioa pleuropteris*; ~ *ular* sj tumbuhan (pokok kecil), cendarah hantu, cungah putih, dada ruan, lengkuang, *Ostodes macrophylla*.

sempelah 1. hampas, keladak, semperah: ~ *kelapa*; ~ *tebu*; **2.** ki tidak berguna (orang), sampah masyarakat; *anak ~* anak yg tidak berguna.

sempelat; **bersempelat** berlumur dgn kotoran, berselekeh.

sempena I berkat, tuah; *mengambil ~* mengambil berkat; *keris ~* keris yg berlok tiga (lima, tujuh);

bersempena mengambil berkat (drpd): *pertunjukan MAHA pd tahun ini diadakan ~ dgn hari ulang tahun kemerdekaan yg kesepuluh;*

menyempenakan mendatangkan berkat (tuah) kpd.

sempena II sl mimpi; ~ *hati* ilham.

semperah hampas, keladak, tahi (kopi atau teh).

semperit sj kuih.

semperung 1. corong (lampu dll), cimni, serombong; ~ *asap* corong asap (pembuluh tempat keluar asap); **2.** buluh (besi dll) utk meniup api, salung api; **3.** teropong.

sempil; menyempil, tersempil menyelit, terselit (di antara dua benda).

sempilai = *ikan* ~ sj ikan darat (ikan pelaga), *Betta spp.*

sempilur sj tumbuhan (pokok), ru bukit, *Dacrydium elatum.*

semping (sémping) Kl tidak lengkap (bahagian badan), cacat;

kepala ~ kepala yg tidak berambut sebelah (sebahagian daripadanya botak); *telinga* ~ telinga yg rabit (terpotong dll).

sempit 1. tidak luas atau tidak lebar (sesuatu ruang, jalan, dll), kecil, ketat (pakaian): *di kiri kanan lorong yg ~ itu terdiri beberapa buah rumah; memakai seluar yg ~;* **2.** ki cetek atau picik (pandangan, fikiran, dll), dangkal: *fikirannya ~;* **3.** tidak luas liputannya atau tafsirannya, (agak) khusus: *perkataan agen dlm konteks racun kulat mempunyai erti yg ~;* **4.** sesak (kedudukan, keadaan kewangan, dll), susah (penghidupan dsb): *semakin kurang pendapatannya, menjadi semakin ~lah penghidupannya; sejak kampung itu dihentikan, kehidupan penduduknya semakin ~;*

~ *akal* pendek (singkat) akal, tidak panjang fikiran; ~ *alam* Mn pemaarah; ~ *dada* lekas marah; ~ *hati* lekas marah, tidak sabar; ~ *kening* mudah tersinggung;

bersempit-sempit berasak-asak, bersesak-sesak: *hidup ~ dlm sebuah rumah kecil;*

menyempit menjadi sempit, membuat jadi sempit: *tak usahlah ~ di sini, orang hendak bekerja;*

menyempitkan **1.** menjadikan sempit, mengurangi keluasan (sesuatu), mengecilkan: *pintu disempitkan lagi kerana tidak dipisahkan antara penumpang-penumpang dan bukan penumpang;* **2.** ki menjadikan sempit, mengurangi (mengecilkan dsb), menyusahkan, menyesakkan, membataskan: *perkara ini tidak ~ perjalanan nafas; biarlah saya ~ daerah perbincangan ini sedapat-dapatnya; secara tidak langsung suasana ini ~ peluang tokoh-tokoh belia menimba pengalaman dan mendapat manfaat drpd pergerakan belia;*

mempersempit menjadikan lebih sempit;

kesempitan **1.** perihal sempit (susah, sesak, dll): *kita dlm ~, kekurangan dan ketiadaan; kerana ~ ruangan maka berita itu tidaklah dapat disiarkan;* **2.** dlm keadaan terdesak, tersesak: *dia tidak dapat bergerak lagi kerana ~;*

penyempitan perbuatan menyempitkan.

sempoa sj alat utk menghitung (buatan Cina), dekak-dekak.

sempoh (sémpoh) Pr menanduk (kerbau).

semporong corong; → □ **semperung**.

sempoyongan Jk terhuyung-hayang (spt hendak jatuh).

semprit **1.** sj wisel, peluit; **2.** Id alat utk mencucukkan (menyuntikkan) ubat ke dlm tubuh.

semprot Id **1.** = **semprotan** sj pam utk menyemburkan sesuatu (spt air, cat, dll); **2.** alat utk mencucukkan (menyuntikkan) ubat ke dlm tubuh;

menyemprot **1.** menyembur: *segenap ruang dan bilik mesti disemprot dgn gas beracun*; **2.** memasukkan (ubat dll) ke dlm tubuh dgn semprot; **3.** bp mengeluarkan kata-kata yg keras, memarahi, memaki: *ia tidak berani keluar malam lagi kerana takut disemprot isterinya*;

menyemprotkan menyemburkan (cat, air, dll);

semprotan **1.** = **semprot** alat utk menyemburkan sesuatu (air, cat dll); **2.** bp celaan, makian, cacian.

sempudal; bersempudal diselaputi kotoran yg kering (pd mulut).

sempuh; ~ *baruh* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar darah, akar kenanga, akar pisang-pisang, akar sesugi, merpisang, tepang, *Desmos chinensis*; ~ *padi* sj tumbuhan (pokok kecil), jarum-jarum rimba, kemenang, randa hutan, ulai-ulai, *Randia scortechinii*.

sempul ark; **tersempul** tersembul.

sempung → □ **sempang II.**

sempuras **1.** = **bersempuras** penuh dgn kotoran (pd muka), berselekeh; **2.** Mn hampas (kelapa, tebu, dll).

sempurna **1.** tidak ada cacat celanya (kekurangannya): *iman yg ~ dan pekerti yg baik itulah yg kekal; hidup yg ~*; **2.** lengkap, tidak ada kekurangan: *tidaklah ~ bagi seseorang itu menulis sejarah negeri-negeri Melayu jika buku itu tidak digunakan; anggota badannya tidak ~*; **3.** baik lagi teratur (latihan dll): *upacara itu dilangsungkan dgn cukup ~*; **4.** sudah selesai (tamat) dgn selamat atau sebaik-baiknya: *~lah sudah tugasnya sbg seorang anak yg telah berjasa kpd ibunya*; **5.** baik sekali, sesuai: *saat yg ~*;

menyempurnakan **1.** menjadikan sempurna atau lengkap (tidak ada cacat celanya dll): *mereka sedang berusaha utk ~ enjin hasil ciptaan mereka*; **2.** melakukan (mengerjakan) sesuatu hingga selesai atau tamat, menguruskan hingga selesai segala-galanya dgn

sempurna: *ia mengucapkan terima kasih kpd para tetamu yg telah datang ~ perkahwinan anaknya; 3. menunaikan (perjanjian dll), memenuhi (tugas, permintaan, dll): hendaklah kamu ~ segala kewajiban yg telah disuruh oleh guru; kakanda pun bermohonkan izin adinda, kakanda hendak ~ perjanjian kakanda itu; 4. (Mat) menyelesaikan (sesuatu masalah dll), mencari jawaban kpd: sempurnakan ganda dua bagi $x^2 + 8x$ dan $y^2 - 10y$;*

kesempurnaan perihal sempurna (lengkap, teratur): *mencari ~ jiwa dgn membuat kebajikan;*

penyempurnaan perbuatan (usaha dsb) menyempurnakan (menyelesaikan, melengkapkan, menunaikan, dll) sesuatu: *ejaan Suwandi merupakan penyederhanaan dan ~ terhadap ejaan Van Ophuysen yg berlaku sejak tahun 1901; seniman mencipta suatu situasi yg berhubungan dgn masa depan yg segala-galanya memperlihatkan ~ kpd keinginannya;*

penyempurna orang dll yg menyempurnakan (sesuatu): *justeru itu manusia masih lagi berfungsi sbg ~ kpd sesuatu kehendak dan keperluan orang lain.*

semput susah bernafas, sesak nafas, lelah (teruk);

kesemputan ki ketenatan: *bagaimana kalau ~ syarikat tidak juga pulih.*

semu **1.** bukan yg sebenarnya, tidak sesungguhnya, pura-pura: *keadilan yg hanya ~ sahaja; 2. = semu-semu* lebih kurang, agak; *~ lengkung* agak lengkung; **3.** = *~ daya* tipu daya, muslihat: *baiklah kita cari jalan tipu ~ dan kita empat bersaudara ini kita berpecah; ~ Jawa, pujuk Melayu;*

menyemu, menemui mengakali, menipu;

menyemukan memperdayakan, mengenakan (tipu muslihat);

tersemu terpedaya: *terlalu cerdik segala orang Melaka ini, tiada ~ oleh kita;*

penyemu orang yg menyemu, penipu.

semua **1.** sekalian, segala: *kalau ada wang, ~ boleh dibuat;* **2.** = **semuanya, kesemuanya** sekaliannya: *~ memuji dia;* **3.** = **kesemua** segenap, setiap, seluruh: *bunga itu merah ~;*

semua-semuanya segala-galanya.

semucup kemuncup.

semugum sj tumbuhan (pokok kecil), *Symplocos adenophylla*.

semulut; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar bunga butang, akar kelupas, akar terung-terung, akar ulan gajah, *Lettsomia maingayi*.

semun; ~ *bidadari* sj tumbuhan (paku pakis), *Platycerium coronarium*.

semuncup kemuncup.

semunding sj kera.

semunian; *daun* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), segeger, *Lycopodium cernum*.

semur IB sj masakan daging.

semut sj serangga yg merayap; jenis-jenisnya: ~ *api* sj semut, *Tetraponera rufonigra*; ~ *gajah* sj semut, *Camponotus gigas*; ~ *gula* sj semut, *Monomorium pharaonis*; ~ *kayu* sj semut yg besar dan hitam (yg mengorek kayu), *Camponotus herculeanus*; ~ *kerengga* sj semut, *Oecophylla smaragdina* dll; ~ *dipijak tidak mati, gajah diharung bergelimpangan* = ~ *terpajak tidak mati, alu terharung patah tiga prb perihal jalan seorang perempuan yg baik lagi teratur (tidak terlalu lambat dan tidak terlalu cepat); ~ gatal nak gonggong gunung bagaimana dunia takkan sunyi prb perbuatan yg bukan-bukan; di mana ~ mati kalau tidak dlm gula = mati ~ kerana gula prb manusia itu akan tertipu*

dgn pujuk rayu; *umpama ~ mempersembahkan paha belalang kpd raja* prb pemberian yg amat sedikit;

semut-semut berasa kebas kerana lama tertekan dll (bkn kaki dan tangan), berasa senyar;

menyemut berkerumun dgn ramainya, mengelilingi sesuatu dgn ramainya: *ia tidak berkejar ke sana kerana orang telah ~ di sana*;

semut-semutan, kesemut-semutan, kesemutan semut-semut: *sekejap-sekejap dia bangun berjalan kerana menghilangkan kesemutan di kakinya.*

semutar sj kain pelilit kepala (biasanya dipakai oleh orang lelaki);

bersemutar memakai semutar, berlilit kepala.

semutega (semutéga) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kait-kait, belingun akar, beroyol, sebuih, sebusuk, *Coptosapelta tomentosa*.

sen (sén) mata wang yg bernilai 1/100 ringgit, duit.

sena sj tumbuhan (pokok), angšana, *Pterocarpus indicus*; ~ *bima* (hutan) sj tumbuhan (pokok), *Colubrina anomala*.

sena (séna) sl (bala) tentera.

senagu sj tumbuhan (pokok kecil), cemama, cerek-cerek, daun cerek, daun gelang, secerek, *Micromelum hirsutum*.

senaguri → □ **seleguri**.

senai; bersenai berehat (bagi cenayang yg sedang menurun).

senak **1.** berasa sesak dlm perut (kerana terlalu kenyang, kerana ditumbuk dll): *dia mempercepat langkahnya sehingga terasa ~ pula perutnya*; **2.** berasa sesak dada (kerana susah bernafas dll); **3.** ki berasa sesak (hati, fikiran, perasaan, dll); **4.** tergenang dan menjadi penuh (air);

menyenakkan **1.** menjadikan senak (perut, dada, dll), menyesak: *waktu malam, minumlah yg saya perbanyak, sehingga ~ perut; bau ikan bakar ~ hidungnya*; **2.** ki

mendatangkan rasa senak (pd pikiran, perasaan, dsb): *timbullah rasa hiba ~ dadanya;*

tersenak 1. = **tersenak-senak** tersesak (hingga tidak dapat mengeluarkan kata-kata dsb), tersedu-sedu: *maka ia pun menangislah dgn teramat sangat tersenak-senak dan teresak-esak sehingga bercucuran air matanya;* **2.** = ~ hati berasa penuh hiba, terharu; **3.** tersekat, tergenang dan menjadi penuh (air dll): *lehernya ~ hendak menangis;*

kesenakan, kesenak-senakan menderita senak (perut, dada, perasaan, dll).

senalu Pr selalu.

senam I = **senaman** latihan gerak badan: *jika seseorang tidak membuat apa-apa senaman, maka darahnya tidak dapat berjalan dgn kuat dan betul;*

bersenam 1. melakukan latihan gerak badan; **2.** ark menggeliat (selepas tidur);

menyenamkan menggerakkan bahagian-bahagian badan secara senaman: *pd akhir pengurutan, Pak Hassan akan ~ orang yg diurutnya itu.*

senam II 1. warna biru tua atau biru kehitam-hitaman: *airnya keruh bagai air kerak, warnanya ~ alamat dalam;* **2.** ark biru pucat; **3.** warna asal (pd barang-barang yg disadur); *hilang sepuh nampak ~ prb sesudah terbuka rahsia, diketahui kejahatan (kekurangannya).*

senamaki sj tumbuhan (pokok renek yg daunnya dibuat ubat), *Cassia angustifolia.*

senamrobik latihan jasmani yg menggabungkan aerobik dan senaman biasa (lazimnya dilakukan beramai-ramai sbg suatu acara).

senan Jk duit sen.

senandika (Sas) percakapan seorang diri oleh watak, biasanya dlm drama atau bentuk karya sastra lain, yg ditujukan kpd dirinya sendiri atau pendengar (penonton) utk mengungkapkan perasaan, konflik batin, firasat dsb yg dihadapinya atau utk memberikan sesuatu maklumat kpd pendengar (penonton) itu;

bersenandika mengungkapkan senandika.

senandung lagu atau nyanyian (yg dinyanyikan perlahan-lahan) utk menghiburkan hati sendiri; ~ *buahian* lagu yg dinyanyikan perlahan-lahan utk menidurkan anak;

bersenandung bernyanyi dgn suara yg perlahan utk menghibur hati sendiri: *dlm sebuah pedati kerbau kedengaran suara seorang laki-laki ~ spt sedang menyedar untung.*

senang 1. (serba) mudah, tidak ada kesulitan (perkara yg susah-susah), tidak ada yg menyusahkan: *kerja mereka ~ dan mudah; makanan yg murah dan ~ mendapatnya utk memberikan tenaga ialah karbohidrat;* **2.** suka, mesra: *kalau begitu, saya tidak ~ kpd engkau lagi;* **3.** berasa puas (enak, nyaman, gembira, dll), rehat: *sehari-hari disuruhnya belajar tak satu, satu, tidak boleh ~; belum pernah dia tidur tengah hari, atau berbaring-bering dgn ~nya melainkan sentiasa dlm pekerjaannya;* **4.** bahagia (hidupnya), tidak susah atau melarat: *susah dan ~ kehidupan keluarga mereka, tidaklah menjadi penghalang kpd budak-budak itu bersuka ria;* **5.** ki bersahaja (percakapan dll), tenang: *Lili meneruskan kata-katanya dgn tenang dan ~;*
~ *cakap* mudah memperkatakan sesuatu tetapi mengerjakannya (mengusahakannya) belum tentu; ~ *hati* berasa puas (gembira); ~ *lenang* berbahagia sekali (hidupnya), sentiasa senang; ~ *sentosa* sentiasa dlm aman bahagia;

bersenang; ~ diri = **bersenang-senang** berbuat sesuatu dgn senang hati (supaya senang), berehat-rehat, bersuka-suka: *kasihan, sepatutnya engkau duduk ~-senang di rumah gedang di rumah batu berlangkan; kita pun tualah sedikit, kita hendak ~-senang sentiasa;*

bersenangkan, bersenang-senangkan; ~ diri bersenang-senang; ~ lelah sl melepaskan lelah, berehat;

menyenangi berasa senang (gembira) akan, suka akan, menyukai: *dlm memilih jalan tengah, kami tahu kami tidak akan disenangi oleh pihak kiri dan pihak kanan; saya lebih ~ teater; tidak ada suatu pun yg kusenangi;*

menyenangkan 1. menjadikan mudah (tidak susah), memudahkan, melicinkan (perjalanan): *utk ~ mengajar, guru boleh membahagikan kelas kpd beberapa kumpulan;* **2.** menggembarakan, menyukakan hati: *muka yg satu masa dahulu itu sangat-sangat ~ hatinya kini telah begitu merunsingkan pula; bagi Khatijah, pindah ke rumah baru itu sesungguhnya ~;* **3.** mendatangkan rasa senang, menyamankan, menenteramkan (perasaan, fikiran, dll), memuaskan: *hatinya tiba-tiba didatangi suatu perasaan yg tidak ~;* **4.** membetahkan (penyakit), menyembuhkan: *ia tidak dapat hendak memberikan ubat yg boleh ~ penyakit itu;* **5.** menjadikan senang (bahagia, mewah): *aku nak menolong awak, nak ~ awak juga;*

kesenangan perihal senang, kebahagiaan, kegembiraan, keenakan, kepuasan: *segala perintah dan hukumnya itu menuju kpd suatu perkara yg besar iaitu ~ hati bagi segala rakyat; ~ dan kemewahan hidup yg dirasainya itu ialah disebabkan oleh harta pusaka Mak Haji sendiri.*

senangguri → □seleguri.

senangin sj ikan laut, *Polynemus tetradactylus*; ~ *buis* sj ikan laut, *Polynemus sextarius*.

senantan ark putih spt santan, kinantan.

senantiasa sepanjang masa, selalu(nya); → □ **sentiasa**.

senapang sj senjata yg berlaras dan berpeluru (lebih besar dan panjang drpd pistol dan lebih kecil serta pendek drpd meriam), bedil;

~ *angin* senapang yg melepaskan penabur dgn tekanan udara; ~

bambu (buluh) a) sj senapang (bedil) yg dibuat drpd buluh utk mainan kanak-kanak; b) prb rupanya sahaja berbahaya tetapi

sebenarnya tidak; ~ *kampung* = ~ *kopak* = ~ *kulai* = ~ *patah*

senapang yg patrumnya diisikan dr pangkal laras; ~ *kembar* = ~

pengantin senapang yg berlaras dua; ~ *kep* = ~ *lantak* = ~

lantakan senapang yg pelurunya diisikan dr mulut: ~ *mesin*

senapang yg boleh melepaskan banyak peluru dgn sekali tarik picunya;

kalau tiada ~, *baik berjalan lapang* prb jikalau tidak bersenjata

atau bertenaga baiklah mengalah; *mercun buluh* ~ *bambu kpd saya*

jangan dituju prb tidak berguna menggertak orang yg berakal dan

berilmu dgn sesuatu yg tiada memberi erti;

bersenapang memakai senapang, bersenjatakan senapang.

senapati (sénapati) sl imam perang, ketua tentera, panglima perang.

senar tali biola.

senarai catatan (rakaman) nama, perkara, dll yg disusun berderet atau mengikut urutan tertentu dr atas ke bawah, daftar: ~ *harga*

barang;

menyenaraikan **1.** menuliskan dlm bentuk daftar (mengikut bilangan), menjadikan senarai: *bukti-buktinya terlalu banyak utk*

disenaraikan; **2.** (Eko) memasukkan sesuatu saham sesebuah syarikat ke dlm senarai saham di bursa saham supaya ia boleh

diniagakan di bursa tersebut: *saham syarikat itu telah disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur;*

tersenarai tercatat (terakam, termasuk) dlm sesuatu senarai atau dlm senarai tertentu;

penyenaraian 1. perbuatan (kerja, proses) menyenaraikan, perihal (perbuatan dsb) memasukkan ke dlm senarai: ~ *manuskrip dlm bahasa Melayu; ~ kata kerja; 2.* (Eko) proses memasukkan sesuatu saham sesebuah syarikat ke dlm senarai saham di bursa saham supaya ia boleh diniagakan di bursa tersebut.

senarai hitam senarai nama orang dll yg mempunyai rekod buruk (spt telah melanggar peraturan atau undang-undang, mengingkari perjanjian, dll);

menyenaraihitamkan merakamkan (memasukkan) dlm senarai hitam: *JPJ akan ~ pemandu teksi yg kerap melakukan kesalahan lalu lintas dan yg menipu penumpang.*

senario (sénario) **1.** ringkasan plot sesuatu drama dll termasuk maklumat tentang watak, adegan, dll; **2.** urutan peristiwa serta perkembangannya yg diramalkan berlaku: *jikalau ini ~nya, maka kesimpulannya boleh dibuat bahawa kehadiran Soviet di Afghanistan akan berlarutan, malah mungkin berkekalan; Sukan Olimpik mungkin akan mendatangkan ~ baru di Semenanjung Korea.*

senarung; ~ *betina* sj tumbuhan (herba), jelita, kancing baju, pokok betung, *Corchorus capsularis*; ~ *kambing* sj tumbuhan (herba), ara batu, selasih dandi, sianggit, tahi anjing, tambuk-tambak jantan, *Ageratum conyzoides*.

senat sj jong Cina.

senat (sénat) **1.** dewan perwakilan rakyat yg tertinggi (ahli-ahlinya dilantik), dewan negara; **2.** majlis atau badan pentadbir yg utama

dan tertinggi di sesetengah universiti: *S~ Universiti Malaya*; **3.** Id majlis mahasiswa.

senator (sénator) ahli dewan negara (senat).

senawan; *ular tedung* ~ sj ular yg berbisa.

senawar; *pinang* ~ sj tumbuhan (palma), *Actinorhytis spp.*

senawat sj cemeti drpd rotan (utk menyebat kerbau dll).

senawi penumpang perahu yg membayar tambang dgn bekerja (menolong mengayuh dll).

Senayan (hari) Isnin.

senda I = ~ *gurau* = *gurau* ~ kelakar, jenaka, olok-olok, seloroh: *sajak dan ulangan suara banyak dipakai baik dlm ~ mahupun dlm percakapan*;

bersenda = ~ *gurau* = **bersenda-senda 1.** berkelakar, berseloroh, berjenaka: *mengapakah pula tuan hendak ~-senda dgn ayahanda spt ini?* **2.** bergurau-gurau, bercumbu-cumbu: *maka tuanku Malim Deman pun lalu santap beradat serta ~ kedua-dua laki isteri*;

menyenda-nyendakan mempermain-mainkan: *mereka tidak lagi menghormati prinsip keagamaan, sebaliknya ~ kewujudan neraka dan syurga*;

mempersendakan mempermainkan (dgn gurau senda), memperolok-olokkan, mengejek-ejekkan: *terasa oleh Aini yg Kamal sengaja hendak ~nya*;

sendaan sesuatu (bahan dsb) yg dipersendakan: *ibu tidak mahu kau jadi ~ orang*;

persendaan hal yg berkaitan dgn perbuatan bersenda: *bahan ~*.

senda II sl saya (kep sahayanda), hamba: *~lah bercakap mengamuk di dlm kampung Bendahara Paduka Raja*; **sanda I.**

sendaguri → □ **seleguri.**

sendak I; **menyendak** menegangkan (kulit gendang dll).

sendak II; menyendak mengunci dgn palang (pintu dll): *pintu pondoknya dikunci dr dalam, disendaknya dgn kayu palang;*

penyendak kayu palang utk menutup pintu, selak.

sendal I = penyendal 1. lapik (alas dll) yg disisipkan ke bawah sesuatu benda supaya tidak goyah atau goyang; **2.** sesuatu (baji dll) yg disisipkan utk mengetatkan benda-benda yg longgar;

menyendal mengenakan (membubuh, memasang) sendal.

sendal II; menyendal sl, **menyendalkan** mencuri dgn pantas, menyentak dgn cepat (dgn tidak disadari), merenggut: *apa daya kula ~ dia kerana Melayu berkeris di hadapan, jika ia berkeris dr belakang dapat juga kula sendal;*

kesendalan terkena curi (copet), kecurian: *~ aku oleh Jawa ini.*

sendalu; *angin* ~ angin yg sedang (sederhana) kencangnya.

sendam; tersendam sl jatuh menjunam (lurus ke bawah).

sendang Jw mata air.

sendar; bersendar berdengkur (tidak kuat), berkeruh: *Tamin sudah ~- sendar kecil di sisinya.*

sendarat sj ikan laut, *Lutjanus argentimaculatus.*

sendat 1. tidak longgar (cincin dll), ketat, sempit: *sampai di rumah, dia melucutkan segala pakaiannya yg serba ~ dan terus merebahkan tubuh ke katil;* **2.** tidak dapat diisi lagi (karung dll), penuh betul, tumpat: *pondok tempat kami berlindung itu terlalu ~ dgn manusia;*

menyendati memenuhi ruang hingga padat, memadati: *dia hilang di celah-celah orang ramai yg ~ lorong itu;*

menyendatkan menjadikan sendat, menyumbatkan;

tersendat 1. tersumbat (saluran dll), terketat, tersekat: *negara-negara maju mengalami keadaan ~ disebabkan birokrasi pentadbiran yg berlebih-lebihan;* **2. = tersendat-sendat;**

tersendat-sendat ki tersekat(-sekat), tidak lancar: *mereka harus dilatih berbicara dgn tenang, jelas, gramatis, tidak ~ dan tidak berbelit-belit;*

kesendatan keadaan sendat.

sendawa I 1. bahan kimia kalium nitrat (KNO_3) yg digunakan sbg campuran dlm ubat bedil; *asam ~* Id asid nitrik; *baja ~* baja yg mengandung nitrat; *zat ~* Id gas nitrogen; **2.** = *ubat ~* mesiu, ubat bedil: *maka lakulah ~ di dlm Riau.*

sendawa II bunyi (spt bunyi meneguk) yg keluar dr kerongkongan kerana kekenyangan dll: *~ perlahan melonjak dr kerongkongan Leman;*

bersendawa mengeluarkan bunyi dr kerongkongan (kerana kekenyangan dll): *apabila ia ~, yg keluar hanya bau durian sahaja.*

sendayan sj tumbuhan (rumpai), rumput sendarayan, senayan batu, seratit, *Thoracostachyum bancanum;*

~ masin sj tumbuhan (rumpai), mengkuang tikus, pandan tikus, pokok selangang, *Pandanus oratus;* *~ piah* = *rumpit ~* sj tumbuhan (rumpai), rumput pepara, *Rhynchospora corymbosa.*

sendel (séndél); **bersendel** bersandar; *~ bahu* a) saling menyandarkan bahu; b) bekerja bersama-sama, saling membantu, saling menolong: *pahlawan itu sedang berjuang ~ bahu dgn kawan-kawannya menggempur barisan musuh.*

sendeng (séndéng) **1.** tidak tegak letaknya, senget, miring, tidak seimbang (bahu), rendah sebelah; **2.** (Mat) sempadan (pd sesebuah segi tiga tepat) yg letaknya bertentangan dgn sudut tepat; **3.** bp agak kurang siuman, kurang ingatannya; *~-mendeng* terhuyung-huyung (spt hendak jatuh);

bersendeng bersandar: *dia tidak duduk terus melainkan ~ pd tempat pegangannya sahaja;*

bersendengan agak miring (condong, senget) letaknya: *kalau angin kencang, layar perahu ~;*

menyendeng senget atau condong letaknya, miring: *seseorang penunggang motosikal ~ arah ke dalam apabila menempuh selekoh;*

menyendengkan meletakkan condong (senget, miring) sedikit, menyengetkan (letak sesuatu);

tersendeng-sendeng terhuyung-hayang (spt hendak jatuh).

sendeng (séndeng) IB **1.** usaha mubaligh agama Kristian (Protestan); **2.** mubaligh agama Kristian (Protestan); *rumah sakit (sekolah dll) ~ rumah sakit (sekolah dll) yg diselenggarakan oleh mubaligh agama Kristian.*

sender (séndér); **bersender, menyender** bersandar (pd);

menyenderkan menyandarkan (pd).

sender (sénder) IB, bp pemancar radio.

senderayan; *rumpit ~ sj tumbuhan (rumpai), sendayan, Thoracostachyum bancanum.*

senderik sj keris pendek.

senderung **1.** sj ikan laut, *Plectropoma maculatum*; **2.** sj ikan laut, *Epinephelus fasciatus*.

sendi I 1. = ~ *tulang = tulang ~ = persendian* tempat ruas tulang (bahagian anggota) berhubung, perhubungan tulang-tulang: *takut dan dahsyatlah ia, menggeletar segala ~ anggotanya*; **2.** = **persendian** tempat bersambung nya dua benda (spt pintu dll), sambungan yg boleh dilipat-lipatkan, engsel; **3.** simpai (bingkai, ikatan, dll) pd sesuatu, salut;

~ *bahu* tempat berhubungnya tulang pangkal lengan dgn tulang belikat; ~ *engsel* sendi yg bertindak spt engsel, yg hanya membolehkan pergerakan pd satu satah, mis sendi siku; ~ *kata* kata yg menghubungkan dua kata atau ayat, kata penghubung; ~ *lesung* sendi yg terbentuk di antara hujung tulang yg berbentuk separuh bulat dgn hujung tulang yg berbentuk lesung, yg membolehkan anggota digerakkan dgn bebas, mis sendi bahu dan sendi pinggul; ~ *lutut* sendi yg menghubungkan tulang betis dgn tulang paha;

bersendi, bersendi-sendi **1.** ada sendinya, berhubungan antara satu dgn yg lain dgn sendi: *periksa kepala lipas dgn kanta tangan dan perhatikan sesungguhnya yg panjang dan ~*; **2.** bersalut dgn, bersimpai dgn, berbingkai dgn: ... *suatu perasapan emas, ~ suasa, berselang dgn permata; bagai tanduk ~ gading* prb hal keadaan yg tidak sepadan;

menyendi **1.** memberikan bersendi; **2.** = **menyendi-nyendi** memotong (mengerat) kaki-kaki binatang yg disembelih; **3.** menyalut: *pakaiannya drpd baldu dan drpd timah, disendi dgn perak, rupanya spt sisik naga.*

sendi II **1.** = *batu* ~ batu pengalas tiang rumah dll, batu pengganjal; **2.** ki dasar, asas, lunas, pegangan;

bersendi memakai batu sendi (alas, pengganjal);

bersendikan **1.** memakai (menggunakan) sesuatu sbg batu sendi; **2.** berdasarkan, berasaskan, berpegang pd (sbg pedoman): *tuntutan adat yg ~ hukum; kita patut insaf bahawa masing-masing bahasa moden di dunia ini ~ suatu sistem yg tertentu;*

menyendi membubuh batu sendi (di bawah tiang dll);

menyendikan, mempersendikan mendasarkan sesuatu pd, mengasaskan;

persendian asas, dasar.

sendiri 1. tubuh diri yg sebenarnya (bukan wakil dll), diri: *tidak ada masa utk memikirkan hal-hal orang lain, hal-hal ~ lebih penting;*
2. tidak dgn bantuan (pertolongan dll) orang lain, tidak berhubungan dgn orang lain: *apabila sudah ada wang besok, sudah mampu hidup ~, bolehlah dibayar semuanya; berkerajaan ~ merdeka;*
3. seorang diri, tidak berkawan: *pd hari ulang tahunku, aku lebih suka tinggal ~-~ di kamarku;*
4. = **sendiri-sendiri** masing-masing: *kedua-duanya sedang tenggelam dlm bacaan ~-~;*
5. tidak berkaitan dgn orang lain, bukan (kepunyaan, hak, dll) orang lain; *tinggal di rumah ~ bukan di rumah orang lain;*
6. tidak termasuk yg lain, dlm kumpulan tertentu sahaja; *berbunuh sama ~nya* berbunuh sesama mereka (tidak dgn orang lain);
7. terpisah (tersisih) drpd yg lain, tidak bersama yg lain, berasingan;
8. Id, bp yg paling (belakang, depan, dll);

sendirinya = dgn ~ **1.** tidak bercampur (berteman dll) dgn yg lain, seorang diri; **2.** secara automatik;

bersendiri tidak berteman (berkawan dll), tidak berkaitan dgn ygn lain, tersisih (terpisah) drpd yg lain: *ejaan bukanlah suatu pelajaran yg ~ atau tidak berkait dgn pelajaran-pelajaran yg lain; terdapat kecenderungan utk ~;*

menyendiri duduk seorang diri, mengasingkan (memencilkan, menyisihkan) diri: *ia hendak ~ lalu lari dgn diam-diam;*

menyendirikan mengasingkan drpd yg lain: *kemeja yg tanggal butang lebih baik disendirikan dahulu;*

tersendiri 1. tidak sama dgn ygn lain, terasing: *esei memerlukan satu gaya bahasa yg ~ iaitu gaya yg mudah dan sederhana;*
2. tersisih (terpisah dll) drpd yg lain: *pekerjaannya dapat dijalankan dlm suasana aman, senyap dan ~, sama spt bekerja di rumah;*

ketersendirian keadaan tersendiri, keunggulan : *banyak teori sastra cenderung utk mewujudkan ~ sastra sbg satu kategori yg berasingan;*

sendirian 1. seorang diri, tidak berteman: *pd suatu petang aku berjalan-jalan ~ di sekitar danau; ia tersenyum ~;* **2.** tidak dgn bantuan (pertolongan dll) orang lain: *pondok kecil itu roboh ~ dan terus tidak dibaiki lagi;*

bersendirian 1. berlainan drpd yg umumnya, tersendiri: *keistimewaannya di dlm bidang penulisan cerpen ialah tentang gaya dia mengolah cerpen secara ~;* **2.** tidak bersekutu (berkaitan dll) dgn yg lain, tidak bersama (dgn pelibatan dsb) orang atau pihak lain, berasingan: *kebanyakan tuan punya kedai mengurus kedainya ~ ataupun dibantu oleh anak isterinya;* **3.** tidak menerima bantuan (pertolongan dll) drpd mana-mana pihak pun: *penuntut-penuntut boleh dibahagikan kpd penuntut ~ dan penuntut berbiasiswa;* **4.** tidak berkahwin, membujang: *biarlah saya ~;*

kebersendirian perihal, keadaan atau sifat bersendiri, privasi: *isu tentang ~ dlm internet juga penting dan perlu diberi pertimbangan serius oleh undang-undang siber;*

kesendirian 1. perihal sendiri (terpencil, tersisih drpd yg lain); **2.** perihal lain drpd yg lain, keistimewaan;

persendirian perihal bersendiri (tidak ditolong bantu oleh pihak-pihak lain), perseorangan: *sumbangan terbesar kpd perkhidmatan sosial datang drpd sumber-sumber ~ dan bukan drpd kerajaan;*

penyendirian perbuatan mengasingkan (menyisihkan, memencilkan) diri, perihal menyendirikan sesuatu;

penyendiri (orang) yg suka menyendiri, (orang) yg suka mengasingkan diri: *seniman bagi Freud adalah seorang ~ yg amat suka mencipta fantasi.*

sendocong sj ikan darat.

sendok (séndok); **menyendok** bp menyondol, menanduk; **senggok.**

sendong (séndong) **1.** sj kandang atau pasung tempat memerah (susu) kerbau; **2.** = ~ *gajah* sj kandang gajah.

sendorong Mn; **bersendorongan** menggelincir (ke hadapan);

tersendorong tergelincir ke hadapan, terdorong ke hadapan.

sendu sl **1.** sedih dan pilu: *dgn hati yg ~, kutulis surat kepadanya;* **2.** sedu: *Lajos mengeluh dlm ~ yg menyayat;*

bersendu bersedih hati: ~ *diri;*

kesenduan perihal sedih dan pilu: *kpd siapakah lagi hendak dicurahkan kerinduan dan ~ hatinya?*

senduduk **1.** sj tumbuhan (pokok renek), *Melastoma malabathricum* (*imbricatum, molle, muticum, sanguineum*); **2.** sj tumbuhan (pokok renek yg berasal dr Brazil), *Tibouchina semidecandra*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), kemunting akar, *Marumia nemorosa.*

senduk I **1.** segala jenis alat yg digunakan utk mencedok nasi (menimbuk gulai dll), centong, sudip: ~ *nasi (gulai dll);* **2.** sudu, camca: ~ *makan (teh, sup, dll);*

~ *dan periuk (belanga) lagi berhantuk (berlaga)* prb suami isteri (kaum keluarga dll) ada kalanya berselisih juga; ~ *berdegar-degar nasi habis budi dapat* prb kalau membuat pekerjaan kurang hati-hati akhirnya akan mendapat malu; ~ *besar tak mengenyang* prb janji sahaja yg banyak dibuat tetapi tidak ditepati; *berani ~ pengedang, air hangat direnanginya* prb berani yg membuta tuli;

kulai-balai bagai ~ didukung prb orang yg lemah lembut gerak-gerinya;

menyenduk mencedok dgn senduk: *ia terus ~ nasi ke pinggan suaminya, kemudian ke pinggannya sendiri*;

menyendukkan mencedok (mengaut dll) sesuatu utk membubuhkan;

tersenduk sudah disenduk, tercedok; *nasi ~ tidak termakan* prb tidak dapat merasainya walaupun sudah diperoleh, belum menjadi rezeki.

senduk II; *ular (tedung)* ~ sj ular (yg berwarna hitam dan bertampuk kuning pd lehernya), *Naja trupudians*.

senduk-senduk sj tumbuhan (pokok), bebulan, bulan-bulan, membulan, sesenduk, *Endospermum malaccense*; *daun* ~ sj tumbuhan (herba), *Plantago major*.

senduri → □ **seleguri**.

senel (senél) IB; *separ* ~ bp kereta api mel.

Senen (senén) → **Senin**.

senencing sj ikan laut, ikan pelanduk, *Lethrinus miniatus*.

senerih Kd, Pl; **tersenerih** tersentuh, tergesel.

senewen (senéwen) IB, bp **1.** sakit urat saraf, agak gila; **2.** bingung, gugup.

seng (séng) Id zink; *kepalanya sudah beratap* ~ ki rambutnya sudah beruban.

sengah; **tersengah-sengah** termengah-mengah.

sengai I sj tumbuhan (pokok), sungi (berrang), *Santiria wrayi*.

sengai II sj damar yg didapati drpd sj pokok *Canarium spp*.

sengaja = dgn ~ **1.** memang diniatkan (dimaksudkan dll) lebih dahulu, memang diniatkan begitu: *penyair ~ ingin berbeza drpd orang biasa*; *bukan sahaya ~ ke mari, dihantar ombak ditumpu angin*; **2.**

= **bersengaja** dibuat-buat, sahaja: *geli benar hatinya melihat tingkah laku Iskandar yg ~ itu;*

menyengaja berbuat sesuatu dgn sengaja;

menyengajakan melakukan sesuatu dgn sengaja: *Zainal menyambut pertanyaan itu dgn senyum yg disengajakan;*

kesengajaan perihal (perbuatan) sengaja, sesuatu yg disengajakan: *soal ~ watak-watak dlm 'Salina' melakukan dosa tidak pernah dibicarakan oleh pengulas-pengulas lain sebelum Shahnnon Ahmad.*

sengal I 1. berasa sakit-sakit pd sendi (kerana perjalanan darah tertahan dll), kaku, kebas, pegal: *~ kaki (tangan); 2.* = *~ tulang* sj penyakit tulang (reumatisme); *~ pinggang* sakit (pegal) pinggang.

sengal II; sengal-sengal = *~ nafas* susah bernafas, sesak nafas: *dgn nafas ~, diberikannya wang lima puluh sen kpd perempuan tua itu;*

tersengal-sengal termengah-mengah (nafas).

sengam; menyengam bk memakan sampai habis, membaham.

sengangar Mn; *~ petir* (pancaran) kilat, petir; *panas ~* panas terik.

sengap tidak berbunyi (berkata-kata), diam, senyap: *akhirnya dia ~, memerhatikan tiap-tiap inci gerak-geri suaminya;*

menyengap diam membisu, membatu;

menyengapkan 1. menyuruh diam, menengking supaya diam, mendiamkan; **2.** merahsiakan, menyorokkan;

penyengap pendiam.

sengarat sj ikan darat (biasa terdapat di paya-paya).

sengaring sj ikan darat, garing, tambra, *Labeobarbus tambra.*

sengat sj alat yg tajam lagi berbisa yg terdapat pd beberapa jenis serangga dan binatang-binatang lain (labah-labah, lipan, kala, ikan keli, dsb), antup; *spt lebah, mulut membawa madu, pantat*

membawa ~ prb perempuan yg elok parasnya dan manis tutur bahasanya tetapi buruk dan jahat kelakuannya;

bersengat 1. ada sengatnya; **2.** ki disegani (ditakuti dll) orang;

menyengat 1. menikam dgn sengat (lipan dll), mengetip dgn sengat: *seekor kala jengking tanah ~ tapak tanganku*; **2.** ki tajam (bkn kata-kata, sindiran, dsb), berbisa: *kata-katanya ~*;

sengatan hasil (akibat) drpd perbuatan menyengat: *tekanan darah mangsa ~ menurun secara mendadak*;

penyengat sj serangga yg bersengat; jenis-jenis: *Ropalidia spp.*, *Vespa auraria*, *Provespa anomala* dll; *memelihara ~ dlm baju prb menaruh musuh dlm rumah tangga sendiri akhirnya tentu akan mendapat kecelakaan.*

sengau dgn bunyi suara yg keluar melalui hidung apabila bercakap; *huruf* ~ huruf (spt *n*, *ng*) yg dilafazkan dgn mengeluarkan udara melalui rongga hidung;

menyengaukan melafazkan (huruf dll) dgn bunyi yg keluar melalui hidung: *vokal i yg berlaku selepas atau sebelum konsonan n spt pd perkataan 'ini', disengaukan*;

sengauan bunyi sengau, sebutan sengau;

kesengauan sifat (keadaan atau bunyi) sengau: ~ *yg sengaja dibuat-buat utk menyindir seseorang*;

sengau-sengauan bercakap-cakap spt orang sengau;

penyengauan perbuatan menyengaukan sebutan (sesuatu huruf).

sengelat (sengélat) orang yg banyak helahnya (tidak jujur, curang, dll), pengelat; → **helah**.

sengeleng (sengeléng) Kl, Tr sengaja (melakukan sesuatu).

senget (séngét) tinggi sebelah (letak atau duduk sesuatu benda), condong, miring, sendeng: *ketika perahu itu ~ dipukul ombak, badannya ikut bergolek ke tepi*; ~-menget tinggi rendah, tidak

sama (permukaan); *biar ~ jangan tertiarap* prb lebih baik rugi sedikit drpd rugi banyak;

menyenget menjadi senget (tidak seimbang dll), menyendeng: *motokar yg mempunyai spring lembut itu ~ apabila mematah selekoh;*

menyengetkan meletakkan senget, menyendengkan, memiringkan;

tersenget miring, sendeng (letak sesuatu).

sengгах → □ **sanggah II**.

senggak I Jw sorak (dlm nyanyian), tingkah.

senggak II; menyenggak menengking, mengherdik.

senggama → **sanggama**.

senggang I tidak sibuk, lapang (waktu), lega, terluang: *waktu ~ dipergunakannya utk membaca buku;*

menyenggangkan menjadikan lapang (waktu), melapangkan;

kesenggangan perihal senggang.

senggang II Kl, Tr antara, jarak, lat, selang (waktu atau tempat).

senggang III Mn keras kepala, degil.

senggara; menyenggarakan mengurus, mengendalikan, menyelenggarakan;

penyenggaraan perbuatan menyenggarakan, pengendalian, pengurusan; **selenggara**.

senggat = **sengatan** had atau takat, tanda yg menunjukkan tingkatan sukatan (pd kayu pembaris dll);

bersenggat mempunyai tanda-tanda yg menunjukkan tingkatan sukatan: *kayu pembaris ialah sekeping kayu yg diberi ~ dgn unit-unit sesuatu ukuran;*

menyenggat memberi bertanda dgn senggat.

senggau; menyenggau 1. mencapai (dr jauh), menjangkau; **2.** menjilat (api), membakar: *rumahnya disenggau api.*

senggayut; bersenggayut, bersenggayutan bergayut (kera, keluang, dll), bergayutan, bergantung, bergantungun: *bas-bas penuh sesak dan ramai penumpang yg tidak dapat tempat duduk, hanya ~ sbg keluang kesiangan;*

menyenggayuti bergayut (bergantung) pd; → □ **gayut.**

senggeng (sénggég) Tr senget (perahu dll);

menyenggengkan menjadikan senggeng, menyengetkan: *ikan-ikan itu ~ badan tatkala melalui air yg cetek.*

senggerah; senggerahan rumah rehat (tempat beristirahat, menginap, dll), pasanggrahan: *maka Pateh Adam pun kembalilah pd ~nya.*

senggeruk Jw **1.** sj tumbuhan utk dihidu-hidu (dicium-cium); **2.** sj ubat bius.

sengget (sénggét) **I** → □ **sanggit.**

sengget (sénggét) **II** Jk; **menyengget** menjolok (mengait) dgn galah: *bunyi galah Sumi ~ buah nangka bertambah nyata terdengar.*

senggiling → **tenggiling.**

sengging; sengging-sengging memakai (pakaian) dgn berlebih-lebihan.

senggok (sénggok); **menyenggok** menyondol dgn kepala, menanduk (kerbau dll); *jangan buat kerbau tanduk panjang ~ ke mana-mana* prb jangan ikut campur dlm urusan orang lain; **sendok.**

senggol (sénggol) Jw; **bersenggol, bersenggolan** bersentuhan, bergesel; **menyenggol** menyentuh, menggesel: *sebuah lori telah ~ bahagian depan kereta Suryono;*

tersenggol tersentuh, tergesel;

senggolan hasil menyenggol, sentuhan.

senggora; kucing ~ sj kucing yg cantik bulunya, kucing siam.

senggugu I → **senggugur.**

senggugu II udang yg kecil-kecil, geragau.

senggugur sj tumbuhan (pokok kecil), lampin budak, mata kesang, sunga (taman, tenjal, timba), tasik, *Clerodendron serratum*.

senggugut sj penyakit orang perempuan ketika haid (selepas bersalin dll); jenis-jenis: ~ *bangkai*, ~ *bunga*, ~ *darah*, ~ *kulit*, ~ *lintah*, ~ *tanduk*, dll.

sengguk I; menyengguk 1. mengangguk, mengangguk-angguk; **2.** menghantukkan (kepala dll): *dipegangnya kepala budak itu dan disengguk-sengguknya di tanah;*

tersengguk 1. terangguk: *brek menjerit dan mereka agak ~ ke muka;* **2.** terhantuk (ke depan);

tersengguk-sengguk terangguk-angguk (orang mengantuk dll): *malam telah begitu tua dan ada antara kami yg sudah ~.*

sengguk II = sesenggukan tersedu-sedu, tersedan-sedan.

senggulung I sj binatang spt lipan (bergulung apabila disentuh), pinang kotai bukit (Kl), pinang gusi (Ph), *Oniscomorpha spp.*.

senggulung II alas kepala (dibuat drpd kain yg digulung, sabut, dll) yg digunakan ketika menjunjung sesuatu;

bersenggulung memakai senggulung (ketika menjunjung); *mencancang berlandasan, melompat bersetumpu, menjunjung ~* prb jika hendak mengerjakan sesuatu sediakanlah segala alat dan syaratnya dahulu.

senggulung III; ~ *hati* penyakit memulas (hati, perut).

sengiang Pl marah (kpd).

sengih; menyengih tersenyum dgn mulut terbuka sedikit (sehingga menampakkan gigi);

menyengihkan = ~ *gigi* membuka mulut sedikit dan menampakkan gigi: ~ *gigi putihnya yg panjang-panjang;*

tersengih tersenyum dgn mulut terbuka sedikit (dan menampakkan gigi): *anak-anaknya ~ kegelian melihat telatah emak mereka;*

tersengih-sengih tersenyum-senyum dgn terbuka mulut dan menampakkan gigi sedikit: *Noorain ~ melihat gelagat Kamarul; dilihatnya Azman ~ kesukaan;*

sengihan hasil perbuatan menyengih.

senging Kd herdik, pekik.

sengingih sengih.

sengir I Jw rasa (bau) spt rasa (bau) kulit limau; *mangga ~ sj mangga yg baunya spt bau limau.*

sengir II; menyengir mengangkat hidung (kerana tidak suka dll).

sengiring sj ikan darat, *Mystus carasius*.

sengit I 1. hangit (bkn bau sesuatu spt makanan dan rambut terbakar); **2.** tajam dan menusuk hidung (bkn bau bahan kimia, gas dsb).

sengit II 1. keras dan menyakitkan hati (perkataan), pedas: *tidaklah adat istiadatnya sampai seburuk yg engkau katakan itu, engkau belum kenal akan dia, tuduhanmu telah ~ sahaja;* **2.** hebat atau hangat (perkelahian, pertempuran, perdebatan, dll): *larut tengah malam pertempuran bertambah ~, peluru bersiung-siungan membelah kesunyian;* **3.** bengis (perbuatan, muka, dll): *ia tetap menentang saran itu dgn tegas, bahkan dgn ~ dan berangnya;*

menyengit menjadi sengit, menghangat, menghebat;

kesengitan perihal sengit.

sengkak I berasa kenyang sekali, segah (perut).

sengkak II; menyengkak mengurut perut ke atas (utk mengeluarkan angin dll).

sengkak III Mn; **menyengkak** seram (ngeri).

sengkal kayu palang (baluk) yg dipasang melintang perahu.

sengkalan papan tempat menggiling lada (rempah dll); *anak* ~ penggiling lada dll di atas sengkalan; *spt* ~ *tak sudah* prb sesuatu yg terlalu buruk rupanya.

sengkang 1. palang drpd kayu dll (pd pintu, penyokong tiang, keang, dll): *apabila ada --- bangku itu yg galir atau longgar hendaklah segera diketatkan segala pasaknya*; **2.** ark garisan pusat (pd sesuatu bulatan); **3.** = *tanda* ~ tanda yg menceraikan suku kata dll, sempang;

~ *bajang* palang yg hujung tiap-tiap balaknya berbentuk ekor ikan;
~ *merah* Id palang merah;

menyengkang 1. membubuh palang (pd pintu, tiang, dll), menyokong dgn palang; **2.** meletakkan sesuatu pd mulut dll supaya terus ternganga (terbuka): *kelopak matanya spt disengkang-sengkang dgn kayu agar terus celik*;

bersengkang; ~ *mata* menahan diri drpd tidur, berjaga (tidak tidur) hingga larut malam;

tersengkang 1. terbuka sentiasa kerana disengkang (mulut dll); **2.** terletak atau terhenti melintang (pd kerongkongan dll), menyengkang: *penuh di dlm mulutnya dgn nasi dan daging serta sekerat tulang kerbau ~ di mulutnya*;

penyengkang kuda-kuda (pd biola).

sengkang (séngkang); **menyengkang** (berjalan, berdiri, dll) dgn kaki terbuka, mengangkang: *duduk* ~;

tersengkang terangkat sebelah (kaki).

sengkar papan (tempat duduk) yg letaknya melintang perahu.

sengkarut; bersengkarut 1. berbelit-belit dan berjalin-jalin (akar, tali, dll); **2.** ki banyak selok-beloknya, berkait-kait, bersangkut-paut; **3.** ki tidak menentu (percakapan dll), tidak keruan, karut.

sengkawang sj tumbuhan (pokok), damar laut, membatu, tengkawas
ijuk, *Isoptera sumtrana*; ~ air = *meranti* ~ sj tumbuhan (pokok),
Shorea lepidota.

sengkawas sj tumbuhan (pokok), medan beluluk, taring pelanduk, tuba
buah, *Diospyros wallichii*.

sengkayan air yg berpusing dan terangkat ke atas (kerana dipuput angin
puting beliung dll).

sengkek (séngkék) **1.** orang Cina totok (yg baru datang dr negeri China);
2. ki bangsat, papa, miskin.

sengkela I sengkang kaki, belenggu, pasung; *spt gajah dgn ~nya* prb a)
sesuatu hal yg menyusahkan; b) orang besar-besar sekalipun ada
juga mendapat kesusahan;

bersengkela dikenakan sengkela (pd kakinya), dipasung: ~
kakinya;

menyengkela mengenakan sengkela (pd kaki), memasung,
membelenggu, menyengkang.

sengkela II Kd penyakit kudis atau gatal-gatal pd buah kemaluan

sengkelang I sengkela (penyakit kudis).

sengkelang II bersilang (kaki atau tangan spt waktu berpeluk tubuh dll);

menyengkelangkan menyilangkan (kaki, tangan).

sengkelat → **sakhlát**.

sengkelat (sengkélat) tidak bersuci (selepas buang air).

sengkeling bersengkeling;

bersengkeling tindih-menindih (kaki tangan), bersilang;

menyengkelingkan menyilangkan (kaki, tangan): *tangannya tidak
pernah disengkelinkan ke belakang*; **cengkeling**.

sengkelit I tali yg bersilang tempat melekatkan kaki (sewaktu memanjat
pohon dll);

bersengkelit menggunakan sengkeliit (utk memanjat).

sengkelit II; bersengkelit berasak-asak, berdesak-desak;

menyengkelit mengasak-asak (masuk), mendesak.

sengkelit III Jw; **menyengkelit** menyelitkan (menyisipkan) keris di belakang.

sengkenit sj kutu (pd binatang), cengkenit.

sengker I Jw; **disengker** tidak dibenarkan keluar, dikurung, dipingit;

sengkeran kurungan, pingitan.

sengker II (Sunda) = **sengkeran** batas.

sengketa (sengkéta) **1.** = **persengketaan** pertelingkahan, pergaduhan, perselisihan, pertentangan, pertikaian: *Amerika diingatkan supaya jangan campur tangan dlm ~ Arab-Israel; halangan-halangan ini mungkin disebabkan oleh ~ sesama sendiri di kalangan pemimpin Perikatan*; **2.** hal atau perkara (dr segi pengadilan): *tidak ada ~ yg tidak dapat diselesaikan*;

bersengketa bergaduh, berkelahi, berselisih faham, bertelagah (pendapat dll): *pihak-pihak yg ~ bersedia menghadapi persoalan itu dgn fikiran tenang dan terbuka*;

mempersengketakan memperbantahkan, mempertikaikan: *Bahasa Kebangsaanlah yg menjadi soal yg dipersengketakan oleh kedua-dua pihak itu*;

persengketaan **1.** perselisihan, pertelagahan, pertikaian, perbalahan: *~ antara dua orang adik-beradik itu berpanjangan kpd anak masing-masing*; **2.** perebutan (terhadap sesuatu): *maka ~ itu diselesaikan dan sempadan kedua-dua buah negeri itu pun ditentukan*.

sengkil; *duduk* ~ duduk di jendela atau di pintu utk memperlihatkan diri (perempuan).

sengkilit Jk; **menyengkilit** **1.** menjatuhkan orang dgn mengangkat kakinya (menahan kaki orang ketika berjalan dll); **2.** ki menipu.

sengkit sj tumbuhan (pokok), mempatuh, pala hutan, pianggu, samban, sungkit, *Myristica elliptica*.

sengkok (séngkok) bengkok (kaki, tangan), berpiuh (kerana pernah patah), cengkok, riuk.

sengkokol mengerekot kerana sejuk, mengokol; → □ **kokol I**.

sengkol (séngkol); **bersengkol** berpulas-pulas (urat dll).

sengkuang 1. = *ubi* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat yg berumbi), bengkuang, mengkuang, singkuang, *Pachyrrhizus erosus*; **2.** sj tumbuhan (pokok), bengkuang, cengkuang, sakal, sekuang, sepul surgan, *Dracontomelum mangiferum*; **3.** sj tumbuhan (pokok), bekak, rambutan pacat, *Mischocarpus sumatranus*.

sengkurat sj tumbuhan (pokok) dlm famili Elaeocarpaceae, sanga burung, medang, kungkurad dan parius-parius (Sabah), empedu, perdoh dan sanga (Sarawak), *Elaeocarpus spp.*

sengkuap atap yg dipasang di rusuk atau di belakang rumah (sbg tambahan sahaja): *malam hari, bukan tidur di lepau atau di dlm rumah, melainkan di bawah ~ atap rumah orang; ~ gantung* cetera (payung) di atas singgahsana.

sengkul sakit kerongkong dan susah menelan, sakit kail-kail.

sengkol sengkokol; → **kokol I**.

sengoti Kl sungguh, benar, betul.

sengsai sedih benar, menderita (kesusahan, kepiluan, dll), sengsara: *sesungguhnya Marah Adil sudah ~; sangsai.*

sengsam Mn; **kesengsaman**, **tersengsam** tercocok (dgn sesuatu), tertusuk, terkeluani.

sengsara 1. kesusahan (kesulitan dll), penderitaan: *berbagai-bagai ~ dan kesusahan yg ditanggungnya; azab ~ berbagai-bagai* penderitaan; **2.** menderita kesusahan (kesukaran dll): *buat seorang*

bapa tentulah tidak suka melihatkan diri anaknya dlm keadaan hidup ~;

menyengsarakan menjadikan (menyebabkan, mendatangkan) sengsara, menganiaya, menyusahkan: *~ rakyat jelata;*

kesengsaraan perihal sengsara: *ibu kandungku telah mati dlm ~.*

sengsem Jw; **kesengsem** terlalu asyik (berahi), jatuh cinta (kpd).

sengseng (séngséng) → **singsing**.

sengsurit sj burung, *Caloperdix oculea*.

senguk; *~-sengak* tersedu-sedu, terisak-isak;

menyenguk menghidu, mencium bau.

sengun sj tumbuhan (pokok), batai, jinjing, *Albizzia falcata*.

sengungut sj ikan darat.

sengut; **tersengut-sengut** tersedu-sedu, tersedan-sedan; → □ **senguk**.

seni I halus (kecil, elok), tipis dan halus, enak didengar (suara), comel (bentuk badan): *maka Perdana Menteri pun menyuruh melengkapinya sebuah pilu diisinya dgn jarum yg ~-~ yg berkarat; bercelak ~ menggunakan celak yg halus; air ~ bh air kencing; hajat ~ rasa hendak ke sungai; hidupan ~ benda-benda hidup yg halus (bakteria, ameba, dll); peluh ~ peluh yg keluar dr badan orang yg sedang ketakutan dll; puteri yg ~ puteri yg halus kulitnya; suara yg terlalu ~ suara yg lembut dan tinggi;*

menyeni ark halus, lembut.

seni II 1. karya (sajak, lukisan, muzik, dll) yg dicipta dgn bakat (kecekapan), hasil drpd sesuatu ciptaan: *kalau perut kosong, politik dan sastera, ilmu pengetahuan dan ~ tidak akan menarik perhatian orang yg paling intelektual sekali pun;* **2.** kebolehan mencipta sesuatu (lukisan, ukiran, dll) yg indah-indah; *~ bahasa* keindahan (susunan kata-kata) bahasa; *~ bina = ~ bangunan* Id seni mengenai bangunan (penyediaan reka bentuk

dan penyeliaan pembinaan bangunan dsb); ~ *drama* seni mengenai lakonan pentas (sandiwara); ~ *foto* seni tentang pengambilan gambar dgn kamera dan penghasilan gambar; ~ *halus* cabang dan karya seni yg mempunyai nilai keindahan dan memberikan kepuasan cita rasa kpd peminatnya, spt lukisan, muzik, puisi dan ukiran; ~ *jarum* kecekapan atau seni tekat-menekat (sulam-menyulam, jahit-menjahit); ~ *kata* susunan kata-kata yg indah (utk lagu dll); ~ *khat* seni (kemahiran) menulis tulisan Arab atau tulisan Jawi dgn gaya yg khas atau unik sehingga menghasilkan tulisan yg indah-indah; ~ *kraf tangan* seni kemahiran pekerjaan tangan (spt ukir-mengukir, membuat barang-barang dgn kemahiran tangan, dsb); ~ *kreatif* apa sahaja seni yg dapat mencipta sesuatu; ~ *lakon* seni drama; ~ *lukis* seni mengenai lukis-melukis; ~ *murni* seni mengenai penciptaan barang yg indah-indah (seni lukis, seni pahat, dll); ~ *muzik* seni mengenai muzik termasuk lagu; ~ *pahat (ukir)* seni mengenai pahat-memahat (spt membuat patung dll), kemahiran menghasilkan (mencipta) sesuatu dgn pahat; ~ *rupa* seni pahat dan seni lukis; ~ *sastera* seni mengenai karang-mengarang (prosa dan puisi); ~ *silat* seni mengenai bersilat atau berpencak; ~ *suara* seni mengenai suara atau bunyi (nyanyian, muzik, dll); ~ *tari* seni mengenai tari-menari; ~ *ukir(an)* seni atau kemahiran ukir-mengukir;

berseni mempunyai (memperlihatkan) seni, berasaskan seni: *tidak pula bermakna ia menghargai tulisan yg tidak ~;*

kesenian perihal seni, yg berkaitan dgn seni, keindahan (kehalusan): *kaulah seorang seniman yg tahu menikmati ~ alam.*

seni III IB (orang yg mempunyai) kebolehan utk mencipta sesuatu yg luar biasa.

seni IV IB bahagian kejuruteraan dlm tentera.

seniah sj tumbuhan (pokok), *Ficus hispida*.

senigai; *tangga* ~ sigai.

seniman **1.** orang yg mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya itu (spt pelukis, penyair, penyanyi, dll); **2.** bintang filem (lelaki) yg telah lama melibatkan diri dlm perfileman dan telah mencapai tahap yg tertentu: ~ *Mustafa Maarof*; S~ *Agung* seniman yg paling tinggi kedudukannya: S~ *Agung P. Ramlee*;

kesenimanan hal (sifat, ciri, dll) yg berkaitan dgn seniman.

Senin **1.** bp Isnin; **2.** Id hari Isnin; ~ *Kamis* ki sesak nafas (spt akan mati), mengap-ngap.

senior (sénior) **1.** lebih tinggi dr segi pangkat, kedudukan (dlm sesebuah organisasi), kanan; **2.** lebih tua dr segi umur.

senioriti (sénioriti) kekananan: *prinsip* ~ *tidak berlaku tetapi berdasarkan prinsip kemampuan dan kecekapan*.

seniwan ark seniman.

seniwati bintang filem (wanita).

senja waktu matahari hampir terbenam (lebih kurang pukul 7.00 malam), ketika hampir akan malam: ~ *hampir tiba, ayam dan itiknya kedengaran riuh rendah masuk ke reban; berebut* ~ Mn hari mulai malam; ~ *buta* = ~ *raya* senja yg sudak agak larut (lebih kurang pukul 8.00 malam);

kesenjaan sudah terlalu petang (hampir benar akan malam), kepetangan.

senjah Kl; **menyengah** menarik (merentap) dgn kuat.

senjakala waktu senja.

senjang (sénjang) Mn **1.** tidak sama yg di kiri dgn yg di kanan (sulaman, ukiran, dll), tidak seimbang, genjang; **2.** berlainan sekali, berbeza;

kesejangan keadaan senjang, ketidakseimbangan, kelainan, perbezaan;

persenjangan perihal tidak seimbang (serupa), perbezaan.

senjarang sj tumbuhan (herba yg menjalar), angkup merah, bayam pasir (rusa), ekor kucing, jarang-jarang, keremak, nyarang (putih), penjarang (ayam), *Cyathula prostrata*.

senjata 1. alat yg digunakan utk berperang atau berkelahi (keris, lembing, senapang, dll): *keris Majapahit dikatakan tidaklah digunakan sbg ~ tetapi hanya disimpan sbg azimat; alat ~ berbagai-bagai senjata; meletakkan ~ berhenti berperang; mengangkat ~ mulai berperang; 2.* ki sesuatu (surat, kejadian, dll) yg digunakan utk mencapai sesuatu maksud: *~ yg besar yg digunakan oleh mereka utk memancing undi ialah dgn menimbulkan persoalan hidup petani; 3.* tanda bunyi atau baris pd tulisan Arab (fatahah, kasrah, dll);

~ api senjata yg menggunakan ubat peledak (spt senapang, meriam, bom, dll); *~ berat* senjata api yg besar-besar (spt meriam dll); *~ biologi* senjata yg menggunakan organisma hidup, spt kuman dan virus, yg boleh memudaratkan manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan; *~ gelap* senjata api yg digunakan (disimpan) tanpa kebenaran pihak berkuasa; *~ kimia* senjata yg terdiri drpd bahan kimia yg bukan bahan ledakan (mis gas beracun dll); *~ konvensional* senjata api yg tidak melibatkan penggunaan bahan nuklear (kimia dsb); *~ nuklear* senjata api yg menggunakan tenaga nuklear; *~ ringan* senjata api yg kecil-kecil (pistol dll); *~ tajam* senjata yg tajam (keris, lembing, dll); *~ makan tuan* prb senjata yg dipakai utk mengenai orang lain tetapi mengenai diri sendiri;

bersenjata memakai (berlengkap dgn) senjata: *maka bertemu dlm kubu itu lima enam ratus orang, masing-masing ~ bercabut berkanjar-kanjar; angkatan ~ tentera, askar;*

bersenjatakan mempunyai atau menggunakan (sesuatu) sbg senjata: *Raja Mambang pun keluar ~ pedang;*

mempersenjatai melengkapi dgn senjata: *Malaysia akan ~ kira-kira 40 000 orang ahli Pasukan Pertahanan Tempatan;*

kesenjataan perihal senjata;

persenjataan **1.** perihal melengkapi dgn senjata; **2.** segala alat dan perlengkapan senjata.

senjelai → **enjelai**.

senjolong sj ikan laut, jolong-jolong, pupu, sembir, *Hemirhamphus spp.*

senjong (sénjong) sj talam kecil drpd logam yg berkaki, semberip.

senjuang sj tumbuhan (pokok), anjiluang, lenjuang, *Cordyline terminalis*.

senjung lengan neraca, batang dacing.

senohong sj ikan laut, *Polynemus spp.*

Senoi penduduk asli Semenanjung Malaysia, yg tinggal di lereng Titiwangsa di pedalaman negeri Perak, Kelantan dan Pahang.

senoncong sj ikan laut, *Lethrinus miniatus*.

senonoh; *tidak ~ = kurang ~ tidak patut atau tidak sopan (perkataan, perbuatan, dll), tidak menentu (pakaian), tidak manis dipandang: ia tidak suka aku bercampur dgn orang yg tidak ~.*

senonya sj tumbuhan (pokok renek), api-api hutan, delik-delik jambu, kelat batu, pantat ulat, *Memecylon coeruleum*.

senoyong; **bersenoyong** terhuyung-huyung (spt hendak jatuh).

sensagun sj makanan yg dibuat drpd tepung beras yg digoreng dgn kelapa parut dan digaul dgn gula, sagun.

sensasi (sénsasi) **1.** sesuatu (kejadian, keadaan, dll) yg menggemparkan atau yg membangkitkan perasaan (menarik perhatian ramai, menimbulkan rasa ingin tahu yg kuat, dsb): *~ dicarinya, ~ dilakukannya dan disembarkannya ke seluruh masyarakat*; **2.** menimbulkan kegemparan (menjolok atau membangkitkan perasaan dll): *berita-berita itu kebanyakannya tersiar di kota Medan oleh beberapa buah majalah yg ingin menyiarkan berita-berita ~;*

mensensasikan menyebabkan sesuatu perkara (keadaan, peristiwa dsb) terutama laporan akhbar menjadi sensasi: *akhbar memang gemar ~ tajuk sesuatu berita.*

sensitif (sénsitif) **1.** mudah (lekas) merasai sesuatu, lekas bergerak balas (memberikan reaksi) terhadap sesuatu rangsangan, peka, mudah tersinggung (perasaan, peribadi, dll); **2.** boleh memperlihatkan perubahan yg sekecil-kecilnya (alat yg menyukat spt jangka suhu, neraca, dll), mudah (lekas) bergerak balas (bkn alat, mesin, dsb);

kesensitifan perihal (keadaan) sensitif, kepekaan, sensitiviti: *~ pihak ibu bapa terhadap kegiatan sosial anak-anak mereka, perlulah disertai dgn iltizam yg bersungguh-sungguh.*

sensitiviti (sénsitiviti) keadaan sensitif, kepekaan: *pihak pengurusan percetakan dan penerbitan mestilah mengambil kira ~ kaum-kaum yg bermastautin di negara ini; mereka telah meletakkan segala-galanya kpd mesin dan melupakan kemampuan daya fikir dan ~ serta rangsangan seorang insan.*

sensitometer (sénsitométer) (Fiz) alat utk mengukur kepekaan bahan fotografi terhadap cahaya.

sensor (sénsor) **I** alat yg dapat mengesan perubahan sinar cahaya, haba, tekanan dsb, penderia: *kipas akan hidup sebaik sahaja ~*

mengesan bahang berlebihan dlm hidup enjin terutamanya ketika dlm kesesakan lalu lintas yg teruk.

sensor (sénsor) **II** IB badan atau orang yg bertugas menapis atau memeriksa sesuatu yg akan disiarkan (buku, majalah, filem, dsb) utk kepentingan umum atau kerana sesuatu sebab tertentu: *pihak Jepun mengawasi penerbitan ini dan setiap karangan yg tersiar sudah melalui ~ Jepun;*

disensor ditapis atau diperiksa oleh pihak yg berkenaan (sesuatu yg akan disiarkan).

sensual (sénsual) membangkitkan nafsu syahwat, penuh ghairah, mengghairahkan, bernafsu.

sensualisme (sénsualisme) **1.** ajaran (fahaman) yg menganggap bahawa segala pengetahuan manusia itu didasarkan pd cerapan pancaindera; **2.** keadaan sensual.

sent baluk penyangga geladak (dipasang membujur perahu).

sent (sénta); **menyenta** menolak (permohonan, permintaan, dll).

sentada I 1. sj tumbuhan (pokok), jati laut, *Podocarpus polystachyus*; **2.** sj tumbuhan (pokok), kayu cina, *Podocarpus neriifolius*.

sentada II; *semut* ~ sj semut; *ketam* ~ sj ketam.

sentadu = *belalang* ~ sj belalang berwarna hijau dan panjang kakinya, belalang kacang, cengkadak, mentadak-mentadu, *Tenodera aridifolia*; *ulat* ~ sj ulat yg besar berwarna hijau.

sentagi 1. sj tali; **2.** sj bengkung (ikat pinggang) perempuan, setagen.

sentak I Jw; **menyentak** kuat dan keras (suara orang marah dll): *walaupun suaranya itu ~, tetapi saya tidak begitu terkejut;*

menyentakkan menengking, mengherdik: *tiba-tiba suara bapa dlm kamar menyentakkan kami.*

sentak II PI sj penyakit (kaku kaki tangan dgn tiba-tiba dll).

sentak (séntak); **menyentak** **1.** menarik kuat-kuat, merengkuh, merenggut: *disentaknya nyiur gading dr mulut ular itu dgn tangan kiri*; **2.** menarik dgn pantas (keris, pedang, dll), mencabut, menyendal: *maka Terung Pipit disentaknyalah keris panjang, dilambungny naik ke perahu*; **3.** menarik (mengecut, mengendur) dgn tiba-tiba: *mestilah ada sebab otot itu ~ semasa tersentuh pd tembaga atau besi*;

tersentak **1.** tertarik dgn kuat, terpiuh; **2.** tersedar (drpd tidur, lamunan, dll) dgn tiba-tiba, terperanjat: *laki-laki bermuka cengkung itu ~ drpd khayalannya*; **sentap.**

sental; **menyental** **1.** menggosok dgn kuat (supaya bersih), mengganyah: *dia sudah ~ badannya dgn sabun lebih dua kali sewaktu mandi tadi*; **2.** bk, ki makan (hingga habis); **3.** ki mengambil hak orang lain (tanpa kebenaran), mencuri, mencopet: *semalam pencuri telah masuk kampung dan ~ tiga buah basikal*;

menyentalkan menggosokkan keras-keras, mengganyahkan;

sentalan hasil atau tindakan menyental: *~ ini menanggalkan sel kulit yg telah mati*;

penyental alat utk menyental: *batu ~*.

sentali sj burung, burung tukang besi, *Megalaima haemacephala indica*.

sentana I Jw, sl kaum keluarga diraja (orang bangsawan).

sentana II Mn; *kalau* ~ sekiranya, seandainya.

sentana III Mn; **bersentana** ark dgn sepertinya (selayaknya, sepatutnya): *malunya timbul kerana pakaiannya yg tidak ~ itu*.

sentang **1.** sj tumbuhan (pokok), setan, setang, *Melia excelsa*; **2.** sj tumbuhan (pokok) dlm famili Meliaceae, limpaga (Sabah), *Azadirachta excelsa*.

sentap; menyentap menarik kuat-kuat (dgn tiba-tiba), meragut: *pd ketika ini Wan Jamil ~ tali lehernya; ~ nyawa mencabut nyawa, menyebabkan mati (dgn serta-merta)*

sentapan hasil atau tindakan menyentap: *mata terasa amat pedih kerana mengantuk, namun ~ demi ~ ikan baung pd mata kailnya menjernihkan semula mata yg layu.*

sentausa sl → **sentosa**.

senteng (sénténg) **I** **1.** pendek atau singkat (baju, kelambu, dll): *spt kain pendek, tarik ke atas, singkat, tarik ke bawah, ~;* **2.** kekurangan (wang dll), tidak mencukupi: *~ wang;* **3.** bp sudah tidak menentu lagi ingatannya, cacau;

menyentengkan **1.** menjadikan senteng (pendek, singkat) sedikit, memendekkan; **2.** menjadikan kurang (tidak cukup), mengurangkan;

kesentengan perihal senteng.

senteng (sénténg) **II** (Bali) kain kembangan.

senter (sénter, séntér) **I** Id **1.** = *lampu* ~ lampu picit; **2.** lampu yg boleh menyinarkan cahaya jauh-jauh, lampu corong; *gambar* ~ gambar bayangan di atas layar (spt wayang) tetapi tidak bergerak;

menyenter, menyenteri menerangi dgn lampu picit.

senter (sénter) **II** bp; ~ *haf* pemain barisan kedua yg di tengah (dlm permainan bola sepak, hoki); ~ *por* pemain barisan penyerang yg di tengah (dlm permainan bola sepak, hoki); *tak* ~ bp agak gila, tiga suku.

senteri **1.** orang yg mendalami pengajiannya dlm agama Islam dgn merantau jauh-jauh (berguru di tempat yg jauh-jauh); **2.** orang yg kuat beribadat (soleh).

senti (sénti) IB **1.** singkatan bagi sentimeter; **2.** seperseratus.

sentiabu benet, bayonet, sangkur; → **setiabu**.

sentiare (séntiare) satuan ukuran luas yg bersamaan dgn satu meter persegi.

sentiasa sepanjang masa, selalu; **senantiasas**.

sentigram (séntigram) satuan sukatan berat yg bersamaan dgn 0.01 gram.

sentigred (séntigréd) skala suhu yg bersimbol C dgn takat sejuk beku pd 0° dan takat didih pd 100° (unit lama bagi Celsius).

sentil I; ~ *tembakau* songel drpd tembakau, sugi;

tersentil tersembul (tersempil) sedikit: *songel yg ~ di bibirnya itu ditenyeh-tenyehkannya terus tanpa menghiraukan pertanyaan suaminya.*

sentil II Jk; **menyentil 1.** memukul dgn jari yg dibidaskan dgn ibu jari, menjentik; **2.** ki menegur (dlm erti mencaci, mencerca, dll), mengkritik;

sentilan 1. jentikan; **2.** celaan, kritikan.

sentiliter (séntiliter) satuan ukuran isi padu yg bersamaan dgn 0.01 liter.

sentimen (séntimen) **1.** perasaan yg berlebih-lebihan dan menurutkan kata hati terhadap sesuatu; **2.** emosi atau perasaan yg lembut dan halus yg mudah mengusik jiwa; **3.** pandangan atau pendapat tentang sesuatu: *kau yg mengapi-apikan ~ perkauman; kau terlalu lekas tersinggung, terlalu lekas mengeluarkan perasaan ~mu.*

sentimental (séntiméntal) **1.** berkaitan dgn atau dicirikan oleh sentimen; **2.** bersifat lembut, romantis, atau mudah terusik perasaan: *lagu~; gadis ~.*

sentimentalis (séntiméntalis) orang yg sentimental: *Ishak Haji Muhammad seorang ~.*

sentimeter (séntiméter) satuan ukuran panjang yg bersamaan dgn 0.01 meter.

senting I Mn ark susah, sukar.

senting II Mn ark bagus (baik) sekali.

sentiung C jirat (kubur) Cina.

sentosa aman dan tenteram, bebas drpd segala bencana, sejahtera, selamat: *pd masa itu negeri Melaka pun dlm ~nya, dan dagang pun terlalu banyak keluar masuk;*

bersentosa berada dlm keadaan aman dan tenteram (sejahtera, mewah, dll), berbahagia;

menyentosakan menjadikan sentosa (sejahtera), mengamankan;

kesentosaan perihal sentosa, keamanan, kesejahteraan, ketenteraman: *mereka menyanjung tinggi Presiden mereka yg telah memimpin negara mereka ke arah ~ itu.*

sentral (séntral) **1.** di tengah atau pusat; *pasar ~* pasar yg terletak di tengah bandar; **2.** (pejabat dll) yg menjadi pusat (pejabat-pejabat lain dll), ibu (pejabat dll); *pemerintah ~* pemerintah pusat.

sentralisasi (séntralisasi) perihal menyerahkan atau meletakkan kekuasaan (pemerintahan dll) kpd pihak berkuasa pusat, pemusatan (pemerintahan, pentadbiran, dsb);

menyentralisasikan menyerahkan atau meletakkan kekuasaan dll kpd pihak pusat, memusatkan (pentadbiran dsb): *beberapa aspek pentadbiran dan pengurusan pendidikan kini harus disentralisasikan utk menggalakkan kreativiti dan kepelbagaian dlm pendidikan di negara ini.*

sentri (séntri) penjaga, pengawal.

sentroid (séntroid) (Mat) pusat bagi sesuatu rajah.

sentrum (séntrum) **1.** Id tempat yg terletak di tengah-tengah (bandar dsb), pusat bandar; **2.** titik pd pusat bidang (bulatan, dsb), titik pusat; **3.** (Bio) bahagian atau badan utama tulang ruas.

sentuang buluh dll utk meniup api, salung api.

sentuh I; bersentuh 1. kena sedikit pd, berhantuk sedikit dgn, mengenai (antara dua benda), bersenggol: *penyakit ini berjangkit kerana ~ dgn badan orang yg berpenyakit*; **2.** bh bersetubuh;

bersentuhan 1. berhantukan, bersenggolan, bersinggungan sedikit: *kerana disesak orang, ~lah aku dgn gadis itu*; **2.** ki bersangkut-paut (dgn), berkaitan (dgn);

menyentuh 1. mengenai (menyinggung) sedikit, menjamah: *dia berasa pipinya disentuh orang*;

2. melanggar sedikit, terkena pd, terhantuk pd: *lengannya luka kerana ~ dawai berduri*; **3.** memperkatakan secara sepintas lalu sahaja (tidak secara terperinci), menyebut (sesuatu hal): *kali ini saya ~ kedudukan syarikat-syarikat kilang padi di luar bandar*; **4.** menyinggung (perasaan), mengganggu (perasaan), menimbulkan sedikit (perasaan terharu, sedih, dsb);

menyentuhi mengenai, mencecah: *langit menjadi gelap-gelita seketika sewaktu tirai benang halus itu mulai ~ bumi*;

tersentuh 1. terkena (tersinggung) sedikit, terjamah; **2.** terlanggar (terhantuk, terkena, tersandung) pd: *kakiku ~ batu*; **3.** diperkatakan secara sepintas lalu sahaja, tersebut (dlm sesuatu ucapan dll): *sudah tentu ada ibu bapa yg menghadapi soal-soal yg tidak ~ langsung dlm buku ini*; **4.** ki tersinggung (perasaan), terganggu (perasaan), terharu: *dia lekas ~*;

sentuhan senggolan, singgungan: *~ tangan yg takut-takut*;

kesentuhan 1. kena sentuh, disentuh; **2.** dirasuki (dimasuki) orang halus;

persentuhan perihal bersentuh (bersenggol, bergesel);

penyentuhan perbuatan menyentuh;

penyentuh sesuatu yg digunakan utk menyentuh (sesungut pd serangga dll).

sentuh II sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kepayang, akar lokan,
Trichosanthes tricuspidata.

sentuk; tersentuk terhantuk (tersentuh) pd.

sentul sj tumbuhan (pokok dan buahnya) kecapi, *Sandoricum koetjape*.

sentulang sj tumbuhan (pokok), medang gembut, medang tanduk,
mentagur paya, pokok segan selumbar, *Jackia ornata*.

sentung I bulatan, lingkaran, lingkungan; *kain* ~ kain sarung.

sentung II Mn 1. erat, rapat; ~ *pintu* palang pintu; ~ *pelalai* sj ubat guna-
guna yg menyebabkan perempuan tidak mahu berkahwin atau
beroleh jodoh; **2.** sj baji utk menegangkan kulit rebana (gendang);
menyentung mengenakan (memasang) sentung.

senu sj tumbuhan (pokok renek), terembesi, tutup awu, *Pipturus*
incanus.

senuh berasa senak perut (kerana kekenyangan dll).

senuhun ark sl → **sinuhun**.

senumpul sj tumbuhan (pokok) dlm famili Flacourtiaceae, setumpul,
karpus (Sabah), *Hydnocarpus spp.*

senun bp sana.

senunggang sj ikan laut.

senyak senyap.

senyampang 1. kebetulan, untunglah, mujurlah: ~ *hari masih pagi, jika*
tidak, tidak dapat kita kembali; **2.** kalau-kalau, jika sekiranya: ~
balik esok, jemputlah singgah; **3.** selagi, sementara: ~ *ada peluang*
tuan ziarahi kubur; **4.** mentang-mentang, masakan: ~ *dia*
berpangkat, bukan main sombong lagi.

senyamuk sj tumbuhan (pokok renek), nyamuk, penyamuk, sugi damar,
Guioa pleuropteris.

senyap 1. = ~ *sunyi* = *sunyi* ~ sunyi sekali, tidak bising sedikit pun, sepi;
2. tidak kedengaran apa-apa, tidak ada sesiapa yg bercakap

(berkata-kata): *ketika itu ~, tiada siapa yg berani bercakap*; **3.** tidak berkata-kata, tidak mengatakan apa pun, tidak bersuara, diam; **4.** nyenyak (tidur), lena; **5.** tidak sibuk (perniagaan), lengang; **6.** tidak diperkatakan lagi (sesuatu perkara): *akhirnya perkara itu ~ dgn sendiri*;

senyap-senyap tidak dgn berkata-kata, secara rahsia: *perasaan kecewa itu tersimpan ~*;

bersenyap-senyap dgn diam-diam (tidak bising, tidak bersuara, dll);

menyenyapkan menyebabkan senyap (tidak mengeluarkan bunyi, tidak kedengaran suara, tidak diperkatakan lagi dsb): *makanan yg diberikan itu ~ salakan anjing jirannya*;

kesenyapan perihal (keadaan dsb) senyap: *penuturan perkataan itu dlm dua ujaran yg dipisahkan oleh ~*; *seseorang pengerusi yg putar belit akan menganggap bahawa ~ peserta adalah sbg tanda bersetuju*;

penyenyap alat utk mengurangkan bunyi bising (pd ekzos enjin, senapang, piano, dll).

senyar rasa menggelenyar atau geranyam di tangan (apabila siku terhantuk pd benda-benda yg keras dll).

senyek (senyé) Kl **1.** = *sejuk ~ terlalu sejuk*; **2.** lembap (melakukan sesuatu kerja), lemah.

senyonyong; *minyak ~ sj ubat guna-guna, minyak pengasih*.

senyum 1. gerak bibir yg ternaik pd hujungnya yg membayangkan rasa suka (geli hati, setuju, dsb) tanpa mengeluarkan suara: *perempuan muda itu kelihatan memberikan ~ manisnya kpd laki-laki itu*; **2.** menggerakkan bibir hingga ternaik sedikit hujungnya bagi membayangkan rasa suka (geli hati, setuju, dsb) tanpa mengeluarkan suara: “~, ~,” *kata ayah sebelum memetik kamera*;

~(-senyum) *kambing senyum* yg dibuat-buat utk mengejek; ~ *kanyur senyum* yg dibuat-buat (ketika marah); ~ *kucing K1 senyum* yg mengandung sesuatu muslihat; ~ *manis senyum* yg menarik sekali (menampakkan kejelitaan seseorang); ~ *mesra* a) senyum yg menunjukkan rasa mesra; b) sj kuih drpd tepung yg dicampur dgn berbagai-bagai ramuan; ~ *raja senyum* yg dibuat-buat (tidak mengandung apa-apa makna); ~ *serong-serong bahasa senyum* sedikit sahaja; *simpul senyum* yg menandakan gembira (geli hati, dll); ~ *sinis senyum* yg dibuat-buat kerana mengejek (menyindir); ~ *sumbing senyum* sedikit sahaja; ~ *tawar senyum* yg dibuat-buat ketika berdukacita (dlm kecewa dll);

senyum-menyenyum saling tersenyum: *sudah luput segala tunduk-menunduk, ~ serta tegur-menegur;*

menyenyumi melahirkan senyuman kpd: *dia ~ si pelacur tua secara sinis;*

tersenyum melahirkan senyum: *Wan Intan ~ berkulum melihat temasya yg berlaku di hadapannya itu;*

tersenyum-senyum mengeluarkan senyum yg berulang-ulang dan agak berpanjangan, tersenyum berulang-ulang atau dgn agak berpanjangan: *beberapa orang mahasiswa kelihatan ~ memandang gelagat kami; dia ~ mendengar segala janjiku itu;*

senyuman hasil tersenyum: *~nya menyejukkan hati.*

senyur sj ikan laut, *Monodactylus falciformis*.

senyur (sényur) I (Portugis) kata sapaan atau panggilan utk orang lelaki yg bererti *tuan* atau *encik*.

senyur (sényur) II IB, bp jurutera.

sep (sép) IB ketua di sesuatu pejabat (stesen dll): *saya ~ di sini, engkau boleh angkat kaki sekarang juga, saya tidak dapat menunggu lama lagi;*

bersep bp menghamba (kpd), bertuankan (kpd).

sepa (sépa) **I** Pr; **tersepa** terlalu letih, keletihan.

sepa (sépa) **II** Kd, Pn kami semua.

sepada Jk kep siapa ada (di rumah).

sepadan 1. sj tumbuhan (palma), pinang boreng, pinang buring, pinang bohong, pinang burung, pinang hutan, pinang kelasak, pinang pacat, pinang (palas) tikus, *Iguanura geonomiformis*; **2.** = pinang ~ sj tumbuhan (palma), *Iguanura wallichiana*.

sepagi; *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput tahi babi, *Vernonia cinerea*.

sepah I hampas benda yg telah dikunyah dan dihisap airnya (spt tebu, sirih, dll): *maka ia pun segeralah santap sirih maka ~nya itu pun diberikan kpd tuan puteri Kuntum Ratna Sari*; *sepelontar* ~ sirih jarak yg dekat sekali; ~ *tembakau* Kl a) sesuatu yg tidak berguna lagi; b) sampah masyarakat; *habis manis* ~ *dibuang* prb digunakan sesuatu sewaktu ada perlunya sahaja, setelah itu ditinggalkan;

menyepah mengambil sari atau air drpd sesuatu (spt sirih, tebu, dll) dgn mengunyah: *apa yg disepah oleh budak itu?*

sepah II; ~ *puteri* a) sj burung, *Dicaeum cruentatum ignitum*; b) sj burung, *Dicaeum t. trigonostigmum*; ~ *puteri gunung* sj burung, *Dicaeum sanguinolentum dolichorhynchum*; ~ *puteri kecil* sj burung, *Dicaeum concolor borneanum*; ~ *raja* sj burung, kelicap merah, *Aethopyga siparaja siparaja*.

sepah III; ~ *bulan* sj binatang kecil spt lipan (tetapi banyak kakinya dan mudah bergulung apabila tersentuh), gengulung, gonggok, mentibang, ulat monggok, *Trigoniulus lumbricinus*.

sepah IV sj batu permata (ada gambar akar atau kayu di dalamnya).

sepah (sépah); **bersepah**, **bersepah-sepah 1.** = **tersepah** berserak-serak (dgn tidak keruan), bertabur ke merata-rata tempat: *rambut dan*

habuk ~ di lantai; 2. = menyepah bp banyak sekali (dan boleh dapat di merata-rata tempat): *bukankah banyak buah belolok dlm kampung ini, kalau hendak, ~ di tepi jalan;*

bersepahan bertaburan (berserakan) di merata-rata tempat, tidak teratur atau tersusun (pakaian, pinggan mangkuk, dll): *pinggan mangkuk sisa makanan petang tadi masih ~;*

menyepahkan menaburkan (menyerakkan) ke merata-rata tempat: *majalah-majalah itu disepahkan di hujung gulungan tikarnya.*

sepai I; bersepai 1. bersepah menjadi kecil dan terserak ke merata, berkecai: *maka bergegarlah rumah itu seluruhnya bagai akan pecah ~;* **2.** berserak-serak, bertabur ke merata-rata tempat: *air liur ~ ke muka Lebai Dusin;*

bersepaian berserakan, bertaburan: *~ kaca.*

sepai II bp penyuluh (pencari) rahsia, perisik, pengintip.

sepak I bunyi spt bunyi tamparan dll: *menampar dgn amat keras ~nya;*

menyepak menampar, menempeleng: *ia ~ tengkuknya yg dihinggapi nyamuk.*

sepak II IB, bp jari-jari pd roda.

sepak (sépak) pukulan dgn kaki, depak, tendangan;

~ raga jaring = ~ takraw sj permainan dgn bola raga yg memakai jaring di tengah gelanggang; *~ sila* tendangan dgn bahagian kaki di sebelah dalam; *~ singkar* tendangan dgn bahagian kaki sebelar luar; *~ terajang* a) tendangan dan pukulan dgn kaki (kerana marah, dlm perkelahian, dll); b) tingkah laku, gerak-geri, sikap; *bola ~* sj permainan bola di padang dgn cara menyepak;

bersepak bermain sepak; *~ raga* bermain sepak raga;

menyepak memukul dgn kaki, menendang, mendepak: *ia ~ punggung temannya; ~ bola; ~ raga;*

bunga disunting perdu disepak buang prb a) seseorang yg gemar akan hak orang tetapi benci akan tuannya; b) perihal anak menantu yg membenci mentuanya;

menyepakkan memukulkan dgn kaki, menendangkan;

sepakan hasil menyepak, tendangan; ~ *sudut* tendangan penjuru.

sepam 1. Jh, Ph sj tumbuhan (pokok), kolah, topah, *Mangifera longipetiolata*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Mangifera maingayi*.

sepan I 1. sj tumbuhan (pokok menjalar), *Gymnopetalum cochinchinensis*; **2.** sj tumbuhan (pokok), keranji, kuran, *Dialium spp.*

sepan II Id, bp 1. secukup-cukup sahaja (tidak berlebih); **2.** sempit, ketat;

disepan 1. dihadkan (sehingga cukup sahaja); **2.** diregangkan supaya tegang, menegangkan.

sepana sj alat utk mencengkam dan mengetatkan atau melonggarkan nat (bolt dll); ~ *hidup* sepana yg satu bahagian pencengkamnya dapat digerak-gerakkan utk menyesuaikan dgn saiz nat, bolt, dll.

sepandri IB sj pangkat dlm tentera (tinggi sedikit drpd prebet).

sepanduk kain dll bertulis yg dibawa dlm perarakan dll utk menyatakan sesuatu kpd orang ramai dll.

sepang I sj tumbuhan (pokok yg kayunya boleh dibuat bahan pencelup), *Caesalpinia sappan*; *merah* ~ merah tua.

sepang II; ~ *kederang* Kl orang yg tidak boleh diharap (kerana malas dll).

sepanggil sj tumbuhan (pokok renek), bunga mara, bunga tinggal, panggil-panggil, pemanggil, pengkilai, pepanggil, *Clerodendron paniculatum*.

separa sebahagian sahaja, tidak sepenuhnya, separuh: *ragum boleh diperbuat drpd keluli*, ~ *keluli atau besi tuang*.

separbang IB bank simpanan wang.

separo Jw separuh.

sepasan → **sepesan**.

sepasin Mn kepompong sibur-sibur;

~ *dapat bersiang* prb mendapat keuntungan dgn tidak disangka-sangka; *bersurih bak* ~, *berjejak bak berkik*, *berbau bak embacang* prb mempunyai bukti (tanda) yg sah bkn sesuatu kejahatan (kesalahan dll).

sepat I rasa kelat (buah-buahan dll).

sepat II 1. = ~ *karang* = ~ *laut* sj ikan laut, *Pempheris spp.*; **2.** = ~ *siam* sj ikan darat, *Trichogaster pectoralis*; ~ *padi* = ~ *ronggeng* sj ikan darat, *Trichogaster trichopterus*;

bagai anak ~ *ketohoran* prb seseorang yg menunjukkan kemalasannya ketika di rumah orang; *bodoh-bodoh* ~, *tak makan pancing emas* prb a) orang bodoh sekalipun tahu juga memilih apa yg baik utk dirinya; b) orang bodoh yg mendapat kecelakaan kerana berpura-pura bersikap spt orang tahu; *tersendeng-sendeng spt* ~ *di bawah mengkuang* prb orang kecil yg takut dan malu hendak menghampiri orang yg lebih besar dan mulia.

sepat III; *kacang* ~ sj tumbuhan (herba yg memanjat), kacang kara, kacang kedele, kacang keriji, kacang monyet, kekora, *Dolichos lablab*; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), *Macaranga triloba*; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpun), rumpun minyak, *Daemonorhops angustifolius*.

sepat IV Kl; **menyepat** mengoyak atau menyiat kulit (dr batang kayu).

sepati sj tumbuhan (pokok renek), jarum merah, kepayang air, mata pelanduk, *Ixora arguta*.

sepatu I 1. sj pakaian (diperbuat drpd getah, kulit, dll), kasut, kaus; **2.** sesuatu yg menyerupai sepatu (spt alas kaki meja dll);

~ *besi* Id = ~ *kuda* ladam; ~ *luncur* kasut luncur; ~ *roda* kasut roda;

bersepatu memakai sepatu: *dia* ~ *kilat*.

sepatu II; *bunga (kembang)* ~ Id sj tumbuhan (pokok kecil), bunga raya, *Hibiscus rosasinensis*.

sepatung sibur-sibur: *bagai* ~ *mandi* = *selama* ~ *cebok* prb menyatakan waktu yg sebentar sekali.

sepeda (sepéda) Id basikal, kereta angin (lereng); ~ *kumbang* basikal yg bermotor; ~ *motor* motosikal.

sepedas 1. sj tumbuhan (rizom), halia, jahe, *Zingiber officinale*; **2.** sj tumbuhan (pokok kecil), banik, cia kubit, kubang, kubin, mengkubung, sekubin, telinga gajah, selaru, *Macaranga gigantea*; **3.** sj tumbuhan (pokok kecil), landas bukit, mahang bulan, mahang kukur, mahang serindit, mahang tekukur, tutup cangur, *Macaranga triloba*; ~ *bunga* sj tumbuhan (pokok), geronggong betina, mempat, mempat hitam, mempapit, mempitis, semempat, *Cratoxylon cochinchinensis*.

sepedih 1. sj tumbuhan (bendalu), akar landang putih, ara kesinai, *Ficus parietalis*; **2.** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar beringin, *Ficus ramentacea*; **3.** sj tumbuhan (pokok), ara nasi, pulut-pulut, tampang burung, *Ficus vasculosa*; **4.** = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), ara perak, akar semelit dadih, cementung, kelumpung air, kelumpung burung, kelumpung jantan, *Ficus alba*; **5.** sj tumbuhan (pokok renek), gading-gading, langsit, nasi-nasi, susun kelapa hutan, tulang-tulang, *Prismatomeris malayana*.

sepekang sj tumbuhan (pokok renek), kait-kait tajam, kuku lang, mata pelanduk, siantan jantan, *Randia longiflora*.

sepekuk (sepékuk) IB sj kuih.

sepel (sepél) I IB, bp; **menyepel** mengeja;

sepelan ejaan.

sepel (sepél) II IB, bp berlatih (bermain bola, muzik, dll).

sepeling (sepéling) IB **1.** bp peruntukan (wang dll) yg sengaja dilebihkan sedikit drpd yg semestinya, kelebihan; **2.** bp longgar (roda dll).

sepen (sepén) IB almari (bilik) tempat menyimpan barang makanan.

sepenah sl berkat, sempena, tuah.

sepeng (sépeng) bahagian yg tidak berambut (pd kepala), bahagian kepala yg botak.

sepenuh 1. = *daun* ~ sj tumbuhan (pokok), babi kurus, berangan babi, giring-giring minyak buruk, *Quercus lucida*.

sepera Pr; (*orang*) *gila* ~ orang yg bebal akal (bodoh benar).

seperadian → □ **adi III.**

seperah kain yg digunakan utk mengalasi makanan yg disajikan;

menyeperah mengalasi dgn (kain) seperah.

seperai IB kain alas tilam, kain cadar: *selembar-lembar dibukanya sarung bantal dan* ~.

seperantu sj bahan ubat yg berasal drpd pokok *Sindora sumatrana*.

seperti 1. sama (serupa) dgn, sebagai, semacam: *rambutnya ~ rambut perempuan; laki-laki itu memejamkan matanya sejurus ~ orang kegelisahan benar*; **2.** sesuai dgn, sebagaimana: *keputusan Sijil Pelajaran Malaysia ~ yg tersiar dlm akhbar ini*; **3.** seolah-olah, macam: *~ tidak ada orang lain yg pandai*; **4.** = **sepertinya** misalnya, contohnya, umpamanya: *akhbar-akhbar Melayu ~ Utusan Melayu, Berita Harian, dll banyak dibaca di kampung-kampung; bukan ~ bukan main*;

sepertinya 1. jikalau, seandainya, sekiranya: *~ engkau diajak mahukah engkau pergi?* **2.** selayaknya, semestinya: *maka oleh Paduka Bubunnya disuruhnya jemput surat itu dan disuruhnya arak dgn* ~; **3.** umpamanya;

sepertikan tidak ubahnya, bagaikan: *ia berjalan itu sangat perlahan ~ tiada berdaya lakunya;*

menyepertikan sl **1.** menjadikan sbg sepatutnya, menjadikan sbg yg sepatutnya; **2.** menyamakan dgn, menganggap seperti.

sepertimana sebagaimana, seperti.

sepesan 1. sj serangga (spt belalang) yg berbisa, pesan-pesan, *Gryllacris spp.*; **2.** Id lipan; *mengaki* ~ menyerupai kaki lipan, bertiras; ~ *anak beranak, anaknya beranak (menggigit) pula* prb cepat sekali berkembang biak.

sepet Jk **1.** sepat, kelat; **2.** rasa tidak enak (mata), rasa sakit.

sepet (sépét) kuyu, kecil sedikit (mata): *matanya ~ juga, macam mata orang Cina;*

menyepetkan menjadikan kelihatan sepet, menguyukan (mata).

sepetang sj tumbuhan (pokok memanjat), akar sepucat, balik adap (bukit), bunga bintang kuning (merah), cempaka hutan, pokok beruas hutan, puding belacan, *Mussaenda mutabilis*.

sepetir 1. sj tumbuhan (pokok), kedondong hutan, saga, *Ormosia parviflora*; **2.** sj tumbuhan (pokok) dlm famili Leguminosae, tampar hantu (Sabah), petir (Sarawak), *Sindora spp.*; ~ *hantu* = ~ *senduk* sj tumbuhan (pokok), *Sindora wallichii*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), *Sindora velutina*; ~ *minyak* sj tumbuhan (pokok), *Sindora coriacea*.

sepi 1. tidak riuh, senyap, sunyi: *kedua-duanya diam sejenak, seluruhnya ~ kecuali bunyi deru jentera yg tidak putus-putus*; **2.** tidak banyak orang, tidak ramai (pembeli di kedai dll), lengang: *awak pernah gambarkan ~nya orang tua kalau dia sakit dan tidak ada orang di sampingnya*; **3.** ki tidak meriah (sambutan bkn sesuatu dll), dingin: *kunjungannya ke sana telah mendapat sambutan yg ~ sekali*;

memandang (menganggap) ~ ki tidak menghiraukan atau mempedulikan sangat;

menyepi 1. = **bersepi-sepi** pergi ke tempat yg sunyi (utk menenteramkan diri dll); **2.** menghindarkan diri drpd orang banyak, mengasingkan diri, menyendiri; **3.** menjadi sepi: *keriuhan ayam itik juga turut ~;*

menyepikan menjadikan sepi: *Allah tidak ~ alam ini drpd mereka; ~ diri* menghindarkan diri drpd orang banyak, menyepi;

keseريان 1. perihal keadan sepi, kesunyian: *hanya bunyi gobek itulah sahaja yg memecahkan ~;* **2.** berasa sepi (kerana keseorangan dll): *dia ~ apabila ditinggalkan seorang diri;*

penyepian perbuatan menyepi atau menyepikan diri: *selama ~nya itu dia telah dapat menyelesaikan karyanya yg paling penting.*

sepiding sj tumbuhan (rumpai), rumput giring-giring, selensing, selising, *Hypolytrum latifolium.*

sepih Mn serpih.

sepilai I sj ikan darat, belanga, pelaga, *Betta splendens.*

sepilai II Kd sj alat yg diperbuat drpd kayu, rotan, digunakan utk menangkap ikan.

sepina (Udg) surat yg meminta seseorang hadir (utk memberikan keterangan sbg saksi dsb) di mahkamah;

disepina diminta menghadirkan diri di mahkamah.

sepincang Jk satu sen setengah.

seping; ~ *kederam* Kl bodoh benar.

sepion IB mata-mata (gelap);

menyepion mengintip (utk mendapatkan rahsia dll), memata-matai.

sepit I 1. alat utk menjepit atau mengapit (spt jari ketam); **2.** alat makan orang Cina; ~ (*penyepit*) *api* alat (drpd besi dll) utk menjepit bara

api; ~ *baju* a) sepit yg digunakan utk menyepit pakaian di ampaiian; b) pin baju; ~ *bara* alat penjepit spt yg digunakan oleh tukang emas; ~ *ketam* a) jari ketam dll yg boleh menjepit; b) sj jahitan utk bahagian tepi benda yg dijahit; ~ *rambut* alat utk menyepit rambut (supaya tidak ditiup angin); *kuih* ~ sj penganan yg tipis drpd tepung gandum (telur, santan dan gula putih); *kuat* ~ *kerana kempa* prb orang yg menjadi kuat dlm sesuatu perkara kerana ada yg menolong atau menyokongnya dr belakang;

menyepit 1. memegang (mencengkam dll) dgn sepit, menjepit dgn sepit: *ular mematuk, ketam* ~; **2.** mengapit atau menekan sesuatu di antara dua benda (spt dgn kaki, jari, dll);

tersepit 1. sudah disepit (diapit, dijepit, dll): *cerut cap ayam* yg ~ di bibirnya itu, *dipasangnyanya*; **2.** ki terhimpit, tertekan: *seluruh kehidupan mereka* ~ antara dua pihak yg mengadu kekuatan senjata dan tenaga;

penyepit sepit.

sepit II 1. = **sepit-sepit** sj tumbuhan (herba yg menjalar), gelang laut, sesepit, *Sesuvium portulacastrum*; **2.** sj tumbuhan (pokok), bangsa jantan, hal(e)ban, leban, leban bunga (hitam, kunyit, nasi, pelanduk, tanduk), tampang besi, *Vitex vestita*; **3.** sj tumbuhan (pokok), *Ormosia microsperma*.

sepoa → □ **sempoa**.

sepoi sl askar India.

sepoi-sepoi = ~ *bahasa* perlahan-lahan atau lemah lembut (tiupan angin), silir-semilir: *angin* yg tadinya bertiup dgn ~ *bahasa* telah berubah menjadi ganas.

Sept kep September.

September (Séptémber) bulan kesembilan dlm tahun Masihi yg mengandungi 30 hari.

septet (séptét) (Muz) **1.** gubahan muzik utk sekumpulan tujuh orang penyanyi atau pemuzik; **2.** kumpulan muzik yg terdiri drpd tujuh orang penyanyi atau pemuzik.

septisemia (séptisémia) (Ubat) keracunan darah yg berpunca drpd mikroorganisma penyebab penyakit dan toksinnya dlm darah.

septum (séptum) (Bio) dinding atau membran yg memisahkan dua rongga atau tisu.

sepucat sj tumbuhan (pokok renek), geharu badak, gembadak, *Phyllochlamys wallichii*.

sepuh I **1.** campuran (drpd tawas, sendawa, garam, dll) utk menuakan warna emas; **2.** lapisan logam (yg nipis) pd logam yg lain, sadur: ~ *emas*; **3.** cara mengeraskan besi (pisau, cangkul, dll) dgn membakarnya dan kemudian mencelupkannya ke dlm air; **4.** Jk pewarna (pencelup) kuih; *hilang ~ tampak senam* prb ketahuan kejahatannya (sesudah terbuka rahsianya); **5.** bahan yg disapukan pd seramik dll utk menjadikannya licin dan berkilat;

bersepuh berlapis atau bersadur dgn: *di kepalanya ada bunga sanggul drpd perak ~ emas*;

menysepuh **1.** menuakan warna emas dgn mencelupkannya ke dlm cairan tertentu (spt campuran sendawa, tawas, garam, dll); **2.** melapiskan sesuatu logam dgn logam yg lain, menyadur; **3.** mengeraskan besi dll dgn membakar dan kemudian mencelupkannya ke dlm air; **4.** Jk mewarnai kuih (dgn pencelup); *spt emas baharu disepuh* prb peri keelokan seseorang perempuan;

tersepuh sudah disepuh atau disadur: *maka turun dewa dr keinderaan merupakan dirinya seekor lembu putih spt perak yg sudah ~*; *spt emas yg sudah ~* prb paras yg elok;

sepuhan sesuatu yg telah disepuh, saduran;

penysepuh air dll utk mencelupkan barang yg hendak disepuh.

sepuh II 1. sj tumbuhan (pokok kecil yg biasa dijadikan kayu api), kecap, tumbit kayu, *Allophylus fulvinervis*; **2.** = ~ *puteri* sj tumbuhan (pokok), kedi, leban condong, melampai bukit, mengkedi, *Engelhardtia nudiflora*; kayu ~ sj tumbuhan (pokok), derumun babi (hitam), medang keli (manih, musang, tanjung), *Elaeocarpus petiolatus*.

sepuh lindap (Kej) proses pemanasan dan penyejukan utk mengaruh pelembutan bahan;

menyepuh lindap mengukuhkan (melegakan) tekanan dalaman pd keluli, kaca dll dgn pemanasan dan penyejukan beransur-ansur.

sepuit IB, bp alat utk menyemburkan air (ubat nyamuk, cat, dll), semprot.

sepuh; menyepuh 1. mencampak dgn sewenang-wenang (dgn tidak mengendahkan apa-apa): *mengapa disepuk kain baju engkau di situ?* **2.** mengambil dgn sewenang-wenang, menyerobot;

tersepuh 1. terbang atau terhantar (pakaian, barang-barang, dll), tercampak dgn sewenang-wenangnya; **2.** jatuh, terjerembap (binatang, orang).

sepulih 1. sj tumbuhan (pokok renek), kopi (kahwa) hutan, mengkudu hutan, sepulis, *Fragracea racemosa*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), pokok batu pelir kambing, *Rauwolfia perakensis*; **3.** = *daun* ~ *duduk* sj tumbuhan (herba), *Plocoglottis porphyrophylla*.

sepulis → **sepulih**.

sepuluh bilangan sembilan dgn satu; → □ **puluh**.

sepulut sj tumbuhan (rumpai), lerkuing, malbar hutan, pokok-pokok hutan, pokok kemangi, ruku-ruku, selasih hutan, *Hyptis suaveolens*.

sepur Id kereta api.

seput I Id, bp cepat, pantas, lekas, deras: *kereta api ~ tidak berhenti di bandar itu.*

seput II Ph; **menyeput** melapikkan tangan dgn kain dll utk memegang (mengangkat) benda-benda yg panas.

seput III Tr hampir tamat: *pergilah sembahyang zuhur cepat sedikit. Waktu sembahyang zuhur sudah ~.*

seputih; *daun ~ tulang* sj tumbuhan (bendalu), anggerik merpati, *Dendrobium crumenatum.*

sera; **tersera-sera** tergopoh-gopoh atau tergesa-gesa (berjalan, berlari, dll), berjalan dll spt orang dlm kecemasan: *penat berkejar tidak terkira ke sana ke mari ~*; **serah II.**

serabai sj kuih yg bersarang-sarang diperbuat drpd tepung beras.

serabi serabai.

serabut 1. serat spt yg terdapat pd sabut (kulit kayu dll), sesuatu yg berupa serat; *akar ~ akar pokok* yg tidak mempunyai akar tunjang (buluh dll), akar yg berambu-rambu; **2.** berambu-rambu, berbulu-bulu (tali, benang, dll); **3.** = ~ *perut* Kl terharu (fikiran), risau, runsing;

berserabut 1. berambu-rambu (tali, benang, dll), tidak kemas, berserat-serat, kusut: *pakaiannya semua kain yg mahal-mahal, tetapi pd setengah-setengah tempat, telah ~ benangnya*; **2.** ki tidak menentu, kucar-kacir (fikiran dll): *setelah selesai ia membaca buku itu, fikirannya jadi ~ utk mencari pertimbangan*;

menyerabuti ki menyelubungi atau menyusahkan (fikiran): *persoalan yg ~ kepalanya kini akan terjawab juga akhirnya*;

menyerabutkan menjadikan (fikiran) kusut: *persoalan itu ~ fikirannya*;

keserabutan 1. keadaan berserabut atau berambu-rambu; **2.** ki keadaan kucar-kacir, keadaan tidak menentu, kekusutan: *plot*

tragedi moden dgn adegan-adegan kesedihan, kompleksiti dan penuh ~; tragedi konvensional Greek yg dimulai dgn kegembiraan dan diakhiri dgn ~ dan pembunuhan.

seradung → sandung II.

seraga; *bantal ~ sj bantal besar (yg hujung dan pangkalnya dihiasi sulaman, cermin-cermin kecil, dll) utk perhiasan.*

serah I; berserah 1. bergantung nasib diri kpd, memulangkan nasib kpd:

sudah takdir, apa hendak dikatakan, ~ sahaja; 2. = ~ diri memberikan diri kpd yg berkuasa spt kpd polis (orang salah dll);

menyerah 1. menggantungkan nasib kpd, bertawakal kpd, berserah: *jangan lekas ~ kpd takdir; 2. = ~ kalah* tidak melawan atau menentang lagi, mengaku kalah: *biarlah darahnya dihirup drpd ~ kalah; 3. = ~ diri* memberikan diri kpd yg berkuasa (orang salah, orang yg ditewaskan dlm peperangan, dll): *beberapa orang pegganas telah ditembak mati atau ~ diri; 4.* tidak membantah atau menentang, menurut (mengikut) sahaja: *akhirnya ia ~ kpd kehendak Raden Menteri;*

menyerahi memberikan (mengamanahkan) sesuatu kpd: *beliau telah diserahi tugas yg serupa;*

menyerahkan 1. memberikan (melepaskan, menyampaikan, dsb) sesuatu kpd: *ayahnya telah ~ wang yg diminta itu; tempat ini dan orangnya sudah diserahkan oleh Raja Kelantan kpd sahaya; ~ kehormatan* membiarkan diri dinodai (dicabuli); **2.** mempercayakan (kpd), mengamanahkan sesuatu (kpd): *mana pekerjaan yg dikerahkannya kerjakan olehmu; 3. = ~ diri* menyerah diri: *ia ~ dirinya kpd aku; 4. ~ diri* menggantungkan (mempertaruhkan) nasib dll kpd, bertawakal kpd: *hendaklah engkau sangat-sangat ~ ke hadrat Allah Taala;*

terserah 1. diserahkan (diberikan) kpd: *dan lagi ada pula kuasa yg besar ~ ke dlm tangannya*; **2.** bergantung kpd, terpulang kpd (pertimbangan, pemikiran, dll): *bagi mentafsirkan undang-undang itu sudah tentu ~ kpd aliran fikiran orang yg mentafsirkan itu*;

serahan apa-apa yg diserahkan: *anakku, aku serahkan ke dlm tanganmu, ~ yg bulat-mulat*;

penyerahan perbuatan menyerahkan (mempercayakan, mengamanahkan, dll): *kekalahan China diikuti oleh ~ Hong Kong kpd British*.

penyerah orang atau pihak yg menyerahkan sesuatu.

serah II; terserah-serah tergopoh-gopoh, tergesa-gesa: *~ benar engkau datang sekali ini*; → □ **sera**.

serah III; *~ beruk* sj penyakit (bengkak di leher), beguk, bengkak cantik.

serah (sérah) → **sirah I**.

serah hak; *~ mutlak* (Udg) kesemua hak pemilikan yg diserahkan kpd pemilik baru (pihak ketiga);

penyerahhakan proses memindahkan hak, harta, tanggungan dsb mengikut undang-undang;

penyerah hak orang yg memindahkan hak, harta, tanggungan dsb mengikut undang-undang.

serahi sj botol yg panjang lehernya.

serai 1. = *~ betul* = *~ makan* = *~ sayur* sj tumbuhan (rumput yg daunnya berbau harum), *Cymbopogon citratus*; **2.** = *~ wangi* sj tumbuhan (rumput yg lebih rimbun dan wangi drpd serai betul), *Cymbopogon nardus*; *~ kayu* sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat perencah masakan), jambu hutan, kelat merah, kelat putih, kelat samak, pokok palung, samak, *Eugenia polyantha*; *~ kemangi* ki kerabat yg jauh;

gulai lampau ~, tentu maung prb sesuatu yg berlebihan (perbuatan, percakapan, dll) itu akan mendatangkan keburukan; *serumpun bagai ~, selubang bagai tebu* prb muafakat sekali, seia sekata.

serai (sérai); **terserai** terserak, tersebar.

serai-serai sj burung, *Melanochlora sultanea flavocristata*.

serak I 1. parau atau garau (suara): *makin lama suaranya makin ~ dan akhirnya hilang antara beberapa patah perkataan yg akhir; ~-~ basah* agak serak suaranya (tetapi sedap didengar); 2. tersendat jalan pernafasannya (spt orang kena selesema, berdahak, dll).

serak II; *burung* ~ sj burung hantu.

serak III; *~-serik* = *~-seruk* bunyi spt bunyi orang menggosok lantai dll.

serak IV K1 sj bakul (diperbuat drpd mengkuang), bujam; ~ *tak sudah* a) anak baru lahir yg subur; b) gadis yg tidak berpingsang (kerana terlalu gemuk).

serak (sérak); **berserak**, **berserak-serak**, **terserak**, **terserak-serak** bertabur (tersebar dll) ke merata-rata tempat, tidak tersusun, bersepah: *segala barang di dlm rumahnya ~; kartu bertaburan, wang ~-serak, rokok menyarap di lantai;*

berserakan tidak tersusun atau tidak kemas, bertaburan: *puntung rokok, abu rokok dan kulit kacang ~ di meja dan di atas permaidani;*

menyerak merebak (memencar, berserak) ke mana-mana;

menyerakkan menaburkan (supaya berserak), menyebarkan, memencarkan: *kipas bersambung kiri kanan, beras kunyit diserakkan di cerpu kaki masing-masing;*

penyerakan proses menyerak(kan).

serakah loba, rakus, tamak: *ia sekarang mengetahui apa yg diidamkan oleh kedua-dua orang yg tamak dan ~ itu;*

kesserakah perihal serakah (tamak, loba), kelobaan, ketamakan: *tatahukum itu sebenarnya suatu tindakan nafsu ~ kaum imperialis dan kapitalis; ~ utk memperoleh keuntungan yg tidak terhingga.*

seram I 1. berdiri bulu roma (kerana ketakutan dll), meremang: *kecutlah hati dan ~lah bulu romanya tatkala tiba-tiba terlintas di dlm ingatannya bahaya yg mungkin datang; 2.* berasa berkerut dan senyar kulit tubuh (kerana kecemasan atau ketakutan): *hutan-hutan di sini agak asing untuknya, dia berasa agak ~ juga; 3.* tampak menakutkan (rupa yg bengis, kejam, dll): *di mana-mana terdapat slogan yg ~, berapi-api dan pedas; nampak ~ mukanya; ~ sejuk* a) berasa sejuk dan berdiri bulu roma kerana ketakutan, ngeri dsb; b) berasa sejuk spt hendak demam;

menyeramkan menjadikan seram, menakutkan, mengerikan: *“Tolong!” pekiknya dgn suara yg ~;*

kesseraman perihal (keadaan atau rasa) seram: *dia tersentak juga, tetapi cuba menyembunyikan ~nya.*

seram II PI makan dgn cepat-cepat.

serama; *gendang* ~ sl gendang dua muka (yg sebelah dipukul dgn tangan dan sebelah lagi dipukul dgn pemukul);

berserama sl **1.** bermain gendang serama; **2.** bersilat atau berpencak: *maka orang bermain pun terlalu ramai, ada yg menapak, ..., ada yg ~, ada yg main wayang.*

seraman sj tumbuhan (sakat), *Bromheadia finlaysoniana.*

seramba ark sl serambi.

serambab; **menyerambab** merebahkan atau menjatuhkan badan ke hadapan: *akhirnya ia pun ~ ke badan suaminya dan berteriak kuat-kuat.*

serambi 1. selasar yg panjang (bersambung dgn ibu rumah tetapi biasanya rendah sedikit); **2.** Id platform (di stesen kereta api), peron;

~ *belakang* serambi yg di bahagian belakang rumah; ~ *depan* (*muka*) serambi yg di depan rumah; ~ *jantung* (Bio) rongga atau ruang jantung yg di sebelah atas.

seramik (séramik) **1.** bahan keras dan rapuh yg dibuat dgn membakar tanah liat dll; **2.** barang, spt kepingan lantai, yg dihasilkan drpd tanah liat, tembikar, dll; **3.** seni dan teknik membuat barang-barang drpd tanah liat, tembikar, dsb.

serampang I 1. sj tombak yg bercabang hujungnya (utk senjata, menangkap ikan, dll); **2.** garpu makan;

~ *dua mata* a) ki sesuatu dasar, program, dsb yg mempunyai dua matlamat, kepentingan, objektif, dsb; b) prb orang yg menyebelahi dua pihak yg berlawanan; *ikan biar dapat*, ~ *jangan pokah* prb maksud biar tercapai tetapi jangan kerugian;

menyerampang menikam dgn serampang (kpd musuh, ikan, dll);

terserampang tertikam dgn serampang, kena serampang.

serampang II Mn; terserampang 1. tersangkut (terlekat, tertahan) pd, terkait; **2.** ki tersekat, terhenti, tertahan.

serampang III; menyerampang 1. membaling sesuatu (spt kayu dll) hampir dgn paras tanah; **2.** bp menyerang (melanggar, merempuh) dgn sesuka hati sahaja, melakukan sesuatu dgn membabi buta sahaja, merambang; **3.** bp mengambil dgn sewenang-wenang, mencuri, menyerobot;

serampangan dgn sewenang-wenang sahaja, tidak berfikir panjang lagi (melakukan sesuatu dll), membabi buta: *antara penulis-penulis kita, terdapat sikap yg melulu dan ~ sahaja dlm mempergunakan bahasa.*

serampang IV; ~ *dua belas* = ~ *laut* sj tarian dan lagunya.

serapat ark tali yg diikatkan pd kedua-dua belah kaki utk memudahkan memanjat, sengkeli.

serampin ark **1.** sj tikar pengalas tempat membuat sagu (utk mengumpulkan sagu); **2.** sisa sagu yg tinggal di atas tikar (setelah yg baik diambil).

serampu; *sumpah*-~ bermacam-macam sumpah dan kutuk.

seran (séran) jalur-jalur yg miring, loreng;

berseran berjalur-jalur miring, berloreng.

serana I; **menyerana** sl merana, melarat: *lemahlah badan akal pun* ~.

serana II Jw ark segala sesuatu yg perlu utk menyampaikan maksud, alat, syarat.

seranah kata-kata yg mengutuk (menista dll), serapah; *sumpah* ~ berbagai-bagai kutuk dan nista;

menyeranah mengutuki, menyumpahi: *Hajah Kadiah* ~ *dan menyumpah babi-babi yg memakan ubinya.*

seranam sj tumbuhan (herba), akar keremak, daun patuk tuau, deras malam, rumput halyur, *Ruellia repens*.

serandang dua batang kayu yg bersilang (sama ada diikat atau dipasak) utk menyangga sesuatu, kuda-kuda tukang kayu;

menyerandang menyangga (menopang, mengalas, dll) dgn serandang.

serandau sj burung, pucung, *Ardea purpurea manilensis*.

Serandib sl Pulau Ceylon, Sri Lanka.

seranduk; **terseranduk** tersampuk (kaki pd akar dll ketika berjalan), tersandung: *ada antara kami yg tersungkur kerana kakinya ~ pd akar-akar kayu.*

serandung; terserandung terhantuk pd (kaki), tersampuk, tersandung:

ada yg berlari berhambat-hambatan, ~ jatuh rebah-rempah drpd sangat sukanya itu.

serang I langgar, serbuan;

menyerang 1. mendatangi utk melawan (mengalahkan, menaklukkan, dll), melanggar, menyerbu: *maka Sultan Mansor Shah pun menitahkan Bendahara Paduka Raja ~ Pahang; 2.* menimpa (penyakit dll), menyebabkan sesuatu jadi sakit (rosak dll): *penyakit yg datang ~nya itu ialah hasil drpd perbuatannya sendiri; 3.* ki menentang (spt mengkritik dll), mencela, mencerca: *pihak pembangkang telah ~ pihak kerajaan dgn kata-kata yg pedas;*

serang-meny Serang saling membalas serangan, saling menyerang antara satu dgn yg lain: *kedua-dua pihak terus ~;*

serangan 1. perbuatan menyerang (melanggar, menyerbu, merosakkan, dll): *Iskandariah diancam oleh ~ tentera Afrika Korps yg dipimpin oleh Jeneral Rommel; 2.* kecaman keras secara lisan atau bertulis: *dlm buku ini kami hanya melakukan ~ ke atas doktrin mereka; ~ udara* serangan bom, misil dsb dr pesawat udara, terutamanya ke sasaran musuh di bumi;

penyerangan perihal menyerang (melanggar, menyerbu), penyerbuan: *Jepun telah melakukan ~nya utk menakluki Malaya;*

penyerang 1. orang (pihak, pasukan, dll) yg menyerang: *pasukan ~ yg dipimpin oleh Panglima Awang telah berjaya mendapat beberapa kemenangan; 2.* pemain bola sepak dsb yg menyerang utk menjaringkan gol: *~ pasukan bola sepak itu sentiasa diekori para pemain pertahanan pasukan lawan.*

serang II Mn; berserang bertambah, makin.

serang III ketua kelasi (yg mengawasi kelasi-kelasi lain).

serang (sérang) I Mn silau;

keserangan kesilauan.

serang (sérang) II jarang (mata keranjang, jala, dll).

serang balas serangan yg dilancarkan sbg tindak balas terhadap serangan pihak musuh atau lawan: *dia juga melatih askar utk melakukan ~;*

menyerang balas menyerang balik (pihak musuh, penentang dsb) yg telah melakukan serangan (kecaman dsb): *pasukan keselamatan telah bersedia utk ~ serangan musuh itu;*

serangan balas serang balas: *dua orang anggota tentera kita cedera dlm ~ pihak musuh itu.*

serangga sj binatang kecil yg badannya bertekung tiga dan kakinya enam serta beruas-ruas (spt nyamuk, lalat, belalang, dll); ~ *perosak* (Tani) serangga (spt belalang, pianggang, dll) yg merosakkan tanam-tanaman.

seranggah → □ **ceranggah**.

serangguh; menyerangguh duduk bertopang dagu dgn siku tertekan ke lutut; *sudah bongkok jangan ~ prb jangan dibesar-besarkan sesuatu yg buruk.*

seranggung; berseranggung, menyeranggung duduk membongkok (dgn tangan menopang dagu dan siku tertekan ke lutut), menyerangguh: *aku menyeranggung di muka pintu.*

serang hendap tindakan menyerang atau menyerbu secara tiba-tiba terhadap musuh setelah menunggu dan menghendapnya di tempat yg tersembunyi: *lanun itu tidak menyangka sama sekali ia terkena ~;*

menyerang hendap menyerang seseorang (musuh, lawan dsb) dgn tiba-tiba setelah menghendap dan menunggu beberapa ketika

di tempat tersembunyi: *pasukan keselamatan telah mengatur rancangan utk ~ pihak musuh;*

serangan hendap serang hendap;

penyerang hendap pihak (orang atau kumpulan) yg melakukan serang hendap.

serangkak I duri-duri (ranting, kawat, dll) yg dililitkan pd batang kayu supaya jangan dipanjat orang, sawar; ~ *payung* jari-jari payung.

serangkak II Mn sj ketam (kepiting);

bagai ~ tertimbakan prb orang yg miring jalannya (kerana cacat dll); *hati bak ~ dibungkus* prb sangat berharap-harap akan mendapat sesuatu yg diinginkan.

serangsang; menyerangsang naik marah, marah benar, memberang; → **rangsang I.**

serani I; *rumput ~ = paku ~ sj tumbuhan (herba), rumput kenarus, Lycopodium cernum.*

Serani II Kristian;

air ~ air suci (dlm agama Kristian utk pembaptisan); masuk ~ memeluk agama Kristian; orang ~ a) orang yg beragama Kristian; b) orang peranakan drpd bangsa Eropah dgn bangsa Asia (Eurasian); c) sl orang Portugis;

menyeranikan **1.** menjadikan Kristian, membaptis(kan), memandikan (dgn air Serani); **2.** Id mengahwini dgn sah (orang Eropah yg memperisteri orang Indonesia);

keseranian hal (sifat, keadaan dsb) yg berkaitan dgn Serani;

penyeranian perihal atau perbuatan menjadikan seseorang Serani, pengkristianan.

seranjung Kl, bp menyambar sesuatu (spt buah dll) sambil melompat.

seranta; *pegawai ~ pegawai yg tugasnya mewujudkan dan memelihara hubungan baik antara organisasi (institusi dsb) yg dianggotainya*

dgn orang ramai serta meningkatkan dan memelihara imej organisasi (institusi dsb) yg berkenaan (dgn menyebarkan maklumat dll); *penulis* ~ penulis yg memberitahukan (hal-hal yg tertentu spt iklan dll) kpd orang ramai;

menyerantakan memberitahukan kpd khalayak ramai, memaklumkan, mengumumkan: *maka bentara pun menyuruh orang ~ maklumat supaya orang bersuka-sukaan empat puluh hari empat malam kpd segala daerah Aceh;*

serantaan yg berkaitan dgn hubungan antara organisasi (institusi dsb) dgn orang ramai.

serantan; ~ *tua* sj tumbuhan (pokok), medang gatal (hakat, keladi, layang), putut paya, *Hilicia javanica*.

serap masuk melalui liang-liang kecil; ~ *mesra* mesra atau mendalam benar (perasaan); *makan* ~ menumpang hidup (makan) pd orang lain;

menyerap **1.** masuk ke dlm melalui liang-liang kecil (benda-benda cair spt air dll), meresap: *makanan yg telah hadam itu bersebat dgn air dan ~ masuk ke dlm saluran darah;* **2.** ki meresap benar (ke dlm badan, hati, dll), menjadi mesra sekali (perasaan): *kemesraan itu sudah ~ pd kedua-dua orang itu;* **3.** ki merasuk (orang halus, hantu, dll), masuk mengganggu (roh yg jahat); **4.** menghisap benda-benda cair (kain, kertas, dll): *batu kapur dan kapur sangat kuat ~ air;* **5.** mengambil dan memasukkan ke dlm sesuatu, menerima (sehingga menjadi sebahagian drpd sesuatu): *kata-kata yg sudah diserap ke dlm sistem fonologi dan morfologi Melayu;*

menyerapi meresapi: *sistem pendidikan Islam jalan terakhir ~ kehidupan dan pemikirannya;*

menyerapkan menyebabkan atau menjadikan terserap: *anggota persatuan telah diserapkan ke dlm badan sukarela itu; kebanyakannya mengambil kesempatan berkahwin dan ~ diri sbg anggota masyarakat pribumi itu;*

terserap **1.** telah (boleh, dapat) menyerap atau diserapkan: *pembukaan kawasan yg pesat menyebabkan jumlah air yg ~ ke bumi berkurang; 2.* diterima sbg sebahagian drpd sesuatu, sehati: *fungsi negeri bertambah luas dan menjadi ~ dlm kehidupan rakyat;*

serapan **1.** hasil menyerap, (sesuatu) yg diserap; **2.** lubang (yg biasanya ditutup dgn ijuk dll) tempat air yg kotor; **3.** alat utk menyerap, alat penyerap (sesuatu);

keterserapan keadaan atau sifat boleh diserapkan: *penggolongan kata pinjaman dapat dilakukan berdasarkan darjah ~ kata tersebut dlm bahasa Melayu;*

penyerapan **1.** proses (perbuatan dsb) menyerap, penghisapan melalui liang-liang kecil; **2.** pengambilan dan pemasukan ke dlm (sesuatu sistem, fikiran, dll), penerimaan (dan penyebatian): *~ budaya yg begitu cepat di kalangan orang Jepun adalah disebabkan faktor motivasi; ini adalah satu strategi bahasa Melayu sendiri dlm ~ bunyi-bunyi ini; ~ ilmu pengetahuan;*

penyerap sesuatu yg menyerap (menghisap dll) benda yg lain.

serap (sérap) Id peruntukan yg disediakan (utk mengganti jika ada yg rosak, hilang, dll), cadangan;

menyerapkan menyediakan atau menguntukkan sesuatu (utk serap), mencadangkan; **serep I.**

serapah kutuk, sumpah: *baharulah diketahuinya naga itu dewa kena ~ juga;*

menyerapah **1.** mengutuk, menyeranah, menyumpahi; **2.** mengucapkan jampi atau mantera (utk menghalau hantu dll): *pawang dan bomoh sibuk menjampi, ~ di kaki, di kepala si sakit.*

serapat sj tumbuhan (pokok renek), hempedal itik, ketibung, nasi sejuk, pokok sedang, *Salacia flavescens*; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Streptocaulon wallichii*.

serapuh; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), bengkaras, jangkal, kayu karkaras, kayu tankat, medang melukut, *Norrisia malaccensis*; akar ~ sj tumbuhan (pokok), gerugum, *Ceiba malayensis*.

serasa sj sirih: *mukanya spt bujur* ~.

serasah I segala jenis kotoran (sampah, tahi binatang, ikan busuk, dll) yg boleh dijadikan baja, pupuk.

serasah II; *kain* ~ sj kain tenunan India.

serasah III Mn air terjun, jeram.

serat I tidak licin (lancar, lincir), susah dicabut atau dikeluarkan (paku dll), ketat, sendat: *kata-kata itu ~ keluar dr mulutnya*;

menyeratkan menyebabkan jadi serat (sendat, tidak licin, dll), menyendatkan, mengetatkan;

terserat terhenti, tersendat (perjalanan, pergerakan sesuatu).

serat II **Jw 1.** serabut yg spt benang (terdapat pd daun nanas, batang pisang, dsb) yg boleh dijadikan tali dll: *dr ~ pokok Corchorus capsularis ini dibuat orang guni*; ~ *saraf* urat saraf; **2.** bahan makanan yg tidak tercerna oleh enzim gaster usus makanan.

seratah sj tumbuhan spt keladi, birah ratah.

serati I gembala gajah.

serati II; *itik* ~ sj itik yg besar badannya, itik nila (manila), *Anas moschata*; → □ **surati**.

seratung; ~ *padi* sj tumbuhan (pokok renek), pecah periuk jantan, *Ixora pendula*.

serau I tidak rapat (barang tenunan), kurang kedap, jarang.

serau II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar gerip putih, akar putar angin, akar serpat putih, *Parameria barbata*.

seraunometer (séraunométer) alat yg digunakan utk mengira luahan kilat dlm satu radius tertentu.

seraut pisau raut; **siraut**; → **raut I**.

serawa 1. sj makanan (pulut yg dimasak dgn santan dan gula); **2.** pengat.

serawak I; *nanas* ~ sj nanas yg manis rasanya; *manis laksana gula* ~ prb sesuai benar dlm serba-serbi, cocok benar.

serawak II; *batu* ~ sj galian (bijih) yg mengandung belerang dan antimoni.

serawal Mn seluar, celana.

serawan I sj penyakit yg berbintik-bintik memerah, ruam.

serawan II; *pokok* ~ *kubang* sj tumbuhan (herba), *Staurogyne malaccensis*.

serawas sj tumbuhan (pokok), dada kura, kahwa (kopi) hutan, lidah rusa, mempuh, mengkudu badak, riang-riang gelugur, rumpo-rumpo, *Fagraea racemosa*.

seraya I sambil, serta: *Pak Kaduk pun membabarkan layarnya ~ menunjukan haluan perahunya ke kuala*.

seraya II Mn; *wang* ~ wang yg dipungut drpd penduduk (utk keperluan tempatan spt membayar gaji ketua kampung dll);

menyeraya, menyerayakan meminta pertolongan atau bantuan (utk mengerjakan sesuatu): *Asmah ~ membeli sehelai kain sutera utk jirannya*;

seraya-menyeraya tolong-menolong (bertolong bantu) mengerjakan sesuatu, berderau.

seraya III 1. sj tumbuhan (pokok), *Shorea curfisia*; **2.** = ~ *putih* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Dipterocarpaceae, urat mata (Sabah dan Sarawak), *Parashorea spp.*

serayu; *bunga* ~ sl sj bunga.

serayut Kl; berserayut bergantung (bkn kain baju dll); → □ **gayut.**

serba 1. semua(nya), segala(-galanya), seluruhnya: *ia berpakaian ~ hijau*; **2.** dlm apa juga hal, apa (bagaimana) jua pun; *keadaannya yg ~ lemah* keadaannya lemah dlm segala hal; *pd masa ~ maju ini* pd masa maju dlm segala hal; **3.** = ~-*serbi* bermacam-macam (hal, perkara, dll), berbagai-bagai: *dilihat oleh Tun Mamat ~ bunga-bunga dan pelbagai buah-buahan ada dlm taman itu*; **4.** sl (segala jenis) alat perkakas; ~ *kapal* alat perkakas kapal; ~ *rumah* perabot rumah;

~ *aneka (jenis)* pelbagai aneka, bermacam jenis; ~ *dua* a) bagi tiap-tiap jenis dua (bkn hantaran dlm perkahwinan dll); b) Id dualisme; ~ *guna* berbagai-bagai gunanya: *dewan ~ guna*; *periuk ~ guna*; ~ *sama* (Mat) sama betul bentuk dan besarnya (dua benda atau lebih); ~ *satu* bagi tiap-tiap jenis satu (bkn hantaran dlm perkahwinan dll); ~ *sedikit* hanya sedikit drpd tiap-tiap jenis; ~-*serbi* segala macam, segala-galanya; ~ *zat* Id materialisme.

serbah; ~-*serbih* tidak kemas (pakaian dll).

serbak; menyerbak merebak ke merata-rata tempat (bau-bauan), semerbak;

menyerbakkan menyerakkan ke merata-rata tempat (bau-bauan);
→ **semerbak.**

serban I kain yg diikatkan di kepala (spt yg dipakai oleh haji dll);

berserban memakai serban; *sudah* ~ sudah menjadi haji.

serban II Kl 1. sakit sengal-sengal tulang; **2.** Kl, Tr kebas, semut-semut.

serbaneka (serbanéka) bermacam jenis, berbagai-bagai.

serbang kusut-masai (rambut), berterbangan.

serbarasa sj tumbuhan (pokok dan buah).

serba salah salah dlm segala hal, bagaimanapun salah juga;

keserbasalahan keadaan serba salah: *pandangan ini menggambarkan ~ di kalangan pengarang Afrika.*

serbat **1.** minuman drpd air gula (biasanya dimerahkan) yg menyegarkan (menyamankan), sirap; **2.** minuman drpd halia dll (biasanya manis).

serbet (serbét) IB sj kain linen dll utk menyapu tangan (mulut) sesudah makan.

serbi; *serba-~*; → □ **serba**.

serbih → **serbah**.

serbu; **menyerbu** **1.** (datang, pergi) melanggar (menyerang): *tentera Jepun sudah mulai ~ Siam*; **2.** masuk (datang, pergi) beramai-ramai dgn meluru: *selesai sahaja imam memberi salam, anak-anak ~ keluar*; **3.** merempuh, meluru: *seorang laki-laki yg besar badannya ~ ke dlm kamar kerjanya*;

menyerbui menyerbu ke, menyerang;

menyerbukan menyebabkan (menjadikan) menyerbu: *pasukan itu diserbukan ke tempat-tempat yg tidak kuat pertahanannya*; ~ diri menghamburkan (menceburkan, melurukan) diri kpd atau ke dlm;

serbuan hasil menyerbu, serangan: *dia dapat melepaskan diri drpd ~ polis*;

penyerbuan perbuatan menyerbu, penyerangan: ~ itu, *apabila sampai ke dlm istana, sudah tidak dapat dikawal lagi*;

penyerbu orang (pihak) yg menyerbu, penyerang: *aku berharap ~-~ itu mempunyai rasa kasihan kpd seorang bayi*.

serbuk benda yg berbutir-butir dan halus (spt tepung, kopi, teh, dll), bubuk: *ia mengibas-ngibas ~ kopi yg tertumpah di atas tikar*;

kena ~ termakan obat guna-guna (dlm makanan); ~ *besi* habuk drpd besi yg telah digergaji dll; ~ *bunga* Id debunga; ~ *gergaji* habuk yg diperoleh ketika menggergaji papan dll, tahi gergaji; ~ *letupan* campuran serbuk sulfur, arang kayu, garam kalium, dll, yg menghasilkan letupan kuat apabila dinyalakan; ~ *peluntur* campuran garam kalsium (spt kalsium hipoklorit, kalsium klorida, kalsium hidroksida, dll) yg digunakan utk melunturkan bahan dan membuat obat pembasmi kuman; ~ *penaik* campuran natrium bikarbonat dgn bahan lain (lazimnya asid tartarik) yg digunakan utk membuat roti dan kuih; ~ *ubat* obat dlm bentuk serbuk;

menyerbuk menjadi (spt) serbuk;

menyerbukkan menghancurkan (menumbuk, mengisar, dll) menjadi serbuk;

menyerbuki Id memindahkan (mengenakan) debunga pd stigma;

penyerbukan 1. proses membuat sesuatu menjadi serbuk; 2. Id pemindahan debunga.

serdadu I anggota tentera, askar, perajurit: *tidak lama kemudian, turunlah dua orang ~ dr atas gunung itu; bagai ~ pulang baris* prb orang yg kelihatan selalu bergaya tetapi berada dlm pekerjaan berat dan bahaya.

serdadu II; *ikan* ~ sj ikan laut, *Arius macronotacanthus*.

serdadu III; *kembang* ~ sj tumbuhan (herba), *Lochnera rosea*.

serdak debu halus (yg melekat pd barang-barang di rumah dll), habuk.

serdam sj seruling drpd buluh;

berserdam meniup serdam.

serdang sj tumbuhan (palma yg daunnya boleh dibuat atap), *Livistona saribus*.

serdi sj penyakit selesema (pd kuda).

serdih menonjol atau menganjur ke depan (bkn perut, dada).

sere (séré) Kl, Tr sj rumput laut yg boleh dimakan.

serebeh (serébéh) = **berserebeh** tidak kemas atau teratur (bkn pakaian), serbah-serbih: *pakaiannya pula berserebeh macam lanun.*

serebelum (sérébelum) (Bio) bahagian otak vertebrat yg berperanan menyelaraskan pergerakan otot dan menyeimbangkan badan.

serebrum (sérébrum) (Bio) bahagian depan otak vertebrat yg mengawal pemikiran, persepsi, dsb.

seregai Kd, Pl,Pn tidak licin (papan, tapak tangan, dll), kesat.

seregum Kd, Pn kusut-masai (bkn rambut), tidak teratur.

seregut Pr tidak hati-hati, gopoh.

serek (sérék); **menyerek** menyendengkan badan serta mengembangkan kepak spt hendak berlaga (bkn ayam).

sereke (seréké) sj ikan laut, *Triacanthus spp.*

serelum Kd, Pn menyarungkan dr atas (spt baju Melayu, songkok, dll); **terserelum** tersarung, tersungkup: *di kepala botaknya itu ~ sebuah songkok.*

serem Jk menakutkan (cerita dll), dahsyat, ngeri, tampak bengis; → □ **seram I.**

serembab; **menyerembab** rebah atau jatuh ke hadapan (badan, muka): *Suriati tiada diam, melainkan ~ ke dadanya;*

menyerembabkan **1.** merebahkan ke hadapan; **2.** ki menjatuhkan (ke taraf yg rendah): *laki-lakilah yg telah ~ dia jatuh serendah dan sehina itu; serambab.*

serembah; ~-*serembih* a) berlebihan atau bercucuran (air mata): *Pak Mat yg sedang sakit itu dihadapi oleh anak-anaknya dgn air mata yg ~-serembih;* b) tidak kemas (pakaian dll), selekeh, serbah-serbih: *mereka datang dgn memakai pakaian yg ~-serembih dan bertampal-tampal.*

seremban (serémban) sj permainan kanak-kanak (dgn batu-batu kecil yg dilambung-lambung).

serempak pd ketika atau waktu yg sama (melakukan sesuatu dll), serentak: *dgn ~ semuanya menjawab "tidak! tidak!"*

menyerempak menyerang (menyerbu, menyergap) bersama-sama dgn serentak;

terserempak 1. diserang (diserbu dll) dgn tiba-tiba; **2.** bertemu (bersua) dgn tidak disangka-sangka: *sesekali dia ~ dgn orang yg hendak ke kampung tempat dia berguru.*

serempet (serémpét) Jk; **menyerempet** menyentuh (menggesel dll) sedikit, tidak tepat kenanya (tembakan dll), menyipi;

terserempet, keserempet terkena (tergesel, tersentuh) sedikit.

serempu 1. = *lunas* ~ lunas panjang dan lekuk; **2.** = *biduk (jalur)* ~ sj perahu yg dibuat dgn lunas panjang dan lekuk; *ada biduk, ~ pula* prb tidak puas dgn apa yg ada.

serendah 1. sj pinang; **2.** sj padi.

serendeng (seréndéng) tinggi sebelah (sesuatu permukaan dll), miring, sendeng, senget;

menyerendeng miring, sendeng, senget;

menyerendengkan menjadikan (meletakkan) menyerendeng, memiringkan, menyengetkan.

sereng (seréng) Jw sj panah bunga api.

serengam I makan hingga habis (dgn tamak).

serengam II; berserengam 1. banyak benar, berkerumun (semut dll); **2.** tumbuh dgn tebal (bulu hidung dll).

serengan 1. sj tumbuhan (pokok renek), *Flemingia strobilifera*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek); *Desmodium gangeticum*;

~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), *Uraria crinita*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), *Flemingia macrophylla*; ~ *kerbau* sj tumbuhan (herba), kacit fatimah, *Sonerila nidularia*.

serengeh (seréngéh) Mn; **menyerengeh** menggerenyotkan muka (mulut, bibir, dll) menandakan marah dll, menyeringai.

serenging Kd tengking, herdik.

serengit ark seringai.

serengkung sj tumbuhan (pokok renek), *Apama tomentosa*.

serenjak sj perangkap tikus.

serenjang sl tegak lurus (orang berdiri, tiang, dll); *garis* ~ (Mat) garis yg tegak lurus terhadap garis lain;

berserenjang berdiri tegak lurus.

serenta Jk apabila (sebaik) sahaja, demi, serta.

serentak pd waktu yg sama (melakukan sesuatu dll), bersama-sama, serempak: *lima orang anak kita boleh dihantar ~ ke sekolah tinggi*;

menyerentakkan menyebabkan berlaku atau berjalan serentak;

keserentakan perihal (keadaan) serentak.

serentang 1. sj tumbuhan (pokok), terentang, *Camptosperma auriculata*; **2.** sj tumbuhan (pokok), terentang, *Camptosperma macrophylla*.

serep I Id → □ **serap**.

serep II Jk; **menyerepi** menanyai utk mengetahui (keadaan yg sebenarnya dll).

serep (sérep, sérép) Id cadangan (utk mengganti yg lain), persediaan.

serepuh Pl pukul, godam.

seresah I bermacam-macam sampah, baja, pupuk; → □ **serasah I**.

seresah II pukul, belasah.

seresari sl sj kain.

seret bp tidak lancar (licin), serat.

seret (sérét) **I**; *kasut* ~ kasut yg dipakai di dlm rumah, cenela;

menyeret **1.** menarik sesuatu (dgn bergeser di tanah), menghela, mengheret: *kemudian diseretnya sebuah kerusi dr kamarnya sampai ke ambang pintu*; **2.** membawa dgn paksa (orang dll), memaksa (orang dll) supaya menurut: *mereka berdua telah diseret balik ke tempat persembunyian mereka*; **3.** = **menyeret-nyeret** membawa-bawa (ke dlm sesuatu perkara), melibatkan, menyebut-nyebut: *ia berharap benar-benar agar ibunya tidak akan ~-nyeret perkara yg telah berlaku; namanya diseret-seret dlm lagu-lagu yg disukai oleh penuntut di sekolahnya*;

terseret (telah) diseret, terikut-ikut (melakukan sesuatu), turut terlibat (dlm sesuatu perkara dll), dipaksa mengikut (melakukan sesuatu dll): *Mas Reso ~ ke dlm dunia main judi*;

seretan hasil atau tindakan menyeret: *ketika itu terdengarlah bunyi ~ selipar menuju ke bilik itu*.

seret (sérét) **II** Jw jalur (pd tepi kain dll), coreng, loreng.

sereyat Kd berhenti (hujan), reda.

serga sj tumbuhan (pokok renek), penluruh, *Lepidagathis longifolia*.

sergah kata-kata atau suara yg kuat (utk memeranjatkan orang dll);

menyergah memeranjatkan orang dgn suara yg keras, membentak, mengherdik: *Mak Limah dan Bedah selalu ~ Ani kerana leternya*;

sergahan suara (bunyi) menyergah: *dia tersentak mendengar ~ itu*; → □ **sergap**.

sergai Kd tidak licin atau sama (papan tidak berketam dll), bergerigih.

sergam; **tersergam** kelihatan tinggi dan besar drpd yg lain-lain (rumah, gunung, dll): *bangunan itu ~ megah*.

sergap; **menyergap** **1.** menyerang (menyerbu, menerpa, dll) dgn tiba-tiba dan memeranjatkan: *musuh yg hendak ~*; **2.** mendatangi dgn

tiba-tiba dan memeranjatkan (utk menangkap dll), menyerbu:
tempat judi itu disergap polis; **3.** menyergah;

penyergapan perbuatan menyergap.

seri I **1.** cahaya semarak: *nila gunanya utk menghilangkan warna perang pd kain putih dan menambah ~ pd warna biru*; **2.** kemuliaan, keindahan, kemegahan: *Rafeah itu ~ segala perempuan di situ*; ~ *balai* sl balai penghadapan (tempat raja dihadapi rakyat); ~ *gadus* sj kuih pipih dan bulat yg diperbuat drpd tepung gandum; ~ *gunung* kelihatan cantik (elok, bagus); ~ *kaya* sj makanan (drpd telur, gula, santan, dan tepung) yg biasanya dimakan dgn roti; ~ *muka* a) air (cahaya) muka; b) = *berseri muka* kelihatan bercahaya mukanya (kerana kegirangan dll); c) sj penganan drpd pulut berlapis dgn seri kaya; ~ *panggung* orang bintang bangsawan (sandiwara dll);

berseri **1.** bercahaya, bersemarak; **2.** kelihatan cantik, berupa mulia (megah dll): *maka negeri Melaka pun tiada ~ lagi*; **3.** = **berseri-seri** kelihatan bercahaya mukanya dll (kerana kegirangan, keriang, dll): *dgn wajah yg ~-seri, dibukalah surat itu dan dibacanya*;

menyerikan menjadikan berseri, menyinarkan, menyemarakkan (majlis dll): *majlis itu diserikan dgn pencak silat*; *pohon rendang yg sedang diserikan oleh bunga yg memerah cerah*;

keserian keadaan yg (ber)seri: ~ *pakaian baginda terserlah dgn selendang kuning yg dipakainya*;

penyeri seseorang atau sesuatu yg menyerikan: *anak-anak itulah yg menjadi ~ rumah tangga mereka*.

seri II panggilan utk memuliakan (raja, orang besar, dll): *S~ Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong*; *S~ Nara Diraja*;

perserian sl orang besar-besar (raja dll) yg mendapat gelaran penghormatan Seri (Seri Maharaja, Seri Nara Diraja, dll): *maka disuruh jemput orang itu, jika ~ orang besar-besar menjemput dia.*

seri III; menyeri menghisap (madu) drpd bunga: *laksana kumbang ~ bunga, kumbang terbang bunga pun layu; sari I.*

seri IV 1. tidak ada yg menang dan tidak ada yg kalah (dlm permainan, perlawanan, dll), balui: *perlawanan bola sepak itu berakhir dgn ~;*
2. Id, bp tidak untung dan tidak rugi (dlm perniagaan), pulang pokok, sama sahaja (malu dll) bagi kedua-dua belah pihak.

seri V; ~ *pancar* sj burung, pipit padang, *Anrhus novaeseean diae malayensis.*

seri VI; ~ *sebulan* sj tumbuhan (pokok menumpang), api-api, dedalu umping, selarapi, *Viscum orientale.*

seri (séri) I → siri.

seri (séri) II Id; *pohon (bunga) ~* sj tumbuhan (pokok dan bunga).

seriap sj burung, pucung, a) *Ardea cinerea rectitostis;* b) *Ardea sumatrana.*

seriat Pn berhenti (hujan), teduh, sidang.

seriau 1. perasaan ngeri atau seram (kerana melihat luka yg besar dll); **2.** Kd ngilu (rasa yg tidak enak kerana gigi dikikir dsb).

seriawan I sj penyakit pd mulut atau lidah (kelihatan merah seolah-olah melepuh); ~ *usus* a) sj penyakit lemah badan (kerana kurang makan buah-buahan, atau sayur-sayuran tetapi banyak makan daging); b) sj penyakit perut yg menyebabkan selalu buang-buang air (biasanya pd kanak-kanak).

seriawan II; *daun ~* daun drpd sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat ubat sakit seriawan), *Elaecarpus obtusa.*

seribu → sibu.

seribulan sj tumbuhan (pokok kecil), akar serau malam, bawal hutan,
Phyllagathis rotundifolia.

seribumi sj tumbuhan (herba), rumput ekor kucing, rumput kala
jengking, rumput oleh, *Heliotropium indicum*.

seridanta serigading.

seriding I → **serendeng, sendeng**.

seriding II 1. sj ikan laut, seabekah, *Apogon fleurieu*; **2.** sj ikan laut,
sebekah, *Apogon taeniatus*.

serif (sérif) (Cetak) unjuran kecil yg menjulur dr hujung coret sesuatu
huruf (rupa taip) sama ada di bawah atau di atas: *huruf tanpa ~*;

berserif mempunyai serif (bkn huruf): *huruf ~*.

serigading sj tumbuhan (pokok renek), *Nyctanthes arbortristis*.

serigala sj binatang liar (rupanya spt anjing dan berwarna kuning
kekelabu-kelabuan), *Canis lupus*; *anjing ~* sj anjing hutan, *Cyon
rutilans*;

~ berbulu domba prb orang yg kelihatan bodoh dan penurut tetapi
sebenarnya culas, jahat lagi curang; *~ dgn buah anggur* prb orang
yg mencela sesuatu yg diinginiya kerana ia tidak berupaya utk
mendapatkan benda itu.

serigrafi (sérigrafi) seni, teknik atau proses mencetak corak yg
melibatkan cat atau dakwat yg disaring ke atas kertas atau tekstil
melalui saring yg dibuat drpd sutera.

serigunting sj burung (berbulu hitam dan ekornya spt gunting).

serik I tidak mahu melakukan lagi (kerana sudah menderita atau sudah
melihat orang lain yg menderita akibat perbuatan itu), jera, takut:
kehendak hati hamba bunuh dia, supaya yg lain ~;

menyerikkan menyebabkan seseorang berasa serik: *hukuman yg
ringan itu tidak akan ~ mereka utk mengulangi kesalahan yg
sama*.

serik II Kl teduh atau berhenti (bkn hujan), reda.

serik III → □ **serak III**.

serika → **seterika**.

serikandi ark → □ **srikandi**.

serikaya sj tumbuhan (pokok dan buah), buah nona, *Anona squamosa*.

serikultur (sérikultur) penternakan ulat sutera utk menghasilkan sutera mentah.

serimala sl tukang kayu, tukang ukir: *ada seorang ~ bersahabat dgn seorang pandai emas*.

serimbung; *akar ~ sj tumbuhan (pokok renek), julang jantan, rabu kumbang, Alchornea rugosa*.

sermet (sermét) bahan tahan panas yg diperbuat drpd campuran seramik dan logam.

serimpet Jw; **kserimpet** tersampuk (tersangkut, tersaur) kaki.

serimpi Jw gadis penari (di istana): *dgn gerak tangan spt ~, dia mempersilakan aku duduk di atas kerusi; tari ~ tarian oleh gadis-gadis (hanya di istana sahaja)*.

serindai 1. sj hantu air (yg suka mengganggu orang perempuan); **2.** merdu dan enak didengar (suara).

serindit sj burung (bulunya berwarna hijau), *Loriculus galgulus galgulus*; ~ *gajah* sj burung, nuri, *Psittinus cyanurus cyanurus*.

sering I 1. kemas dan keras (pintalan tali, benang, dll), keras (kain yg dikanji, kertas tebal, dll); **2.** tegang (tali diregangkan, urat, dll), kejang; **3.** ark kurus tetapi mampat dagingnya serta cergas dan tegap (badan orang): *orang yg suka makan pedas, badannya ~ tapi liat*;

bersering; ~ *urat leher* ki bertengkar: *Itam dan Baki sedang ~ urat leher membincangkan sesuatu*;

menyering 1. memintal (tali, benang dll) hingga sering; 2. menegangkan sesuatu yg ditenun (dianyam dll).

sering II 1. = **sering-sering** kerap kali, acap kali, selalu: *orang itu ~ sahaja datang ke rumahnya*; 2. = **sering-sering** ark kadang-kadang: *Ali dan Azman sering-sering bertengkar*;

keserangan perihal sering (selalu), kekerapan, acap kalinya: ~ *penggunaan teknik ini bisa mengaburkan cerita*.

sering III Mn langsing (badan), ramping.

sering IV Mn; **menyering** menyeri (bunga).

sering V; ~ *lanting* sl sj burung.

sering VI Kl kering (air dlm nasi yg hampir akan masak).

seringai 1. gerak bibir atau muka (utk mengejek, mengeji, dll), kenyih, gerenyot; 2. senyuman lebar (yg menampakkan gigi);

menyeringai menggerenyotkan bibir atau mulut (utk mencebik, mengeji, mengejek, dll): *gadis itu cuma tersenyum ~*;

menyeringaikan; ~ *gigi* menampakkan gigi (ketika menyeringai): *nenek Tempe ~ gigi hitamnya*;

terseringai 1. terbuka sedikit mulutnya (spt orang tersenyum) dan tergerenyot bibir atau muka: *kawannya itu ~ kesakitan*; *bahagian kepala Razak terasa sakit dan dia ~ menahannya*; 2. tersengih dan kelihatan giginya, terkernyih, tergerenyot.

seringan = ~ *laut* sj tumbuhan (pokok renek), *Dodonaea viscosa*.

sering kali acap kali, kerap kali.

seriosa (sériosa) sj irama atau rentak muzik.

seripit; **menyeripit** masuk dgn mencelah-celah: *beca Ahmad ~ sangat lincah di antara kenderaan lain*.

serium (sérium) (Kim) sj unsur logam yg berwarna kelabu, sangat reaktif, dan digunakan utk membuat aloi dll.

serit sj sikat rambut (yg kerap dan halus giginya utk mencari kutu);

menyerit menyikat rambut dengan serit.

serius (sérius) **1.** sungguh-sungguh, benar-benar, tegas dan bukan main-main: *ini suatu usaha yg murni dan sewajarnya diberi perhatian dan pemikiran secara ~; dia termenung seolah-olah berfikir dgn ~; kita hendaklah bekerja dgn ~;* **2.** genting, berat, dan parah kesannya: *keruntuhan moral merupakan satu perkara yg ~ yg perlu diatasi;* **3.** (bkn penyakit, dsb) tenat, berat, teruk, parah: *penyakit kansernya semakin ~;*

keseriusan keadaan serius, kesungguhan: *~ menghadapi sebarang kemungkinan.*

serkah → □ **sekah.**

serkai; menyerkai memulas sesuatu (adunan yg dibungkus dgn kain dll) utk mengeluarkan airnya, memulas (memerah) kain utk mengeluarkan airnya, mengayak (menapis) sesuatu.

serkap 1. sj alat utk menangkap ikan (diperbuat drpd buluh, rotan atau bemban) yg berbentuk spt kelongsong dan terbuka hujungnya; **2.** sj alat utk menyungkup ayam (diperbuat drpd buluh dll); *~ jarang ki menuduh (meneka dll) dgn sembarangan sahaja;*

menyerkap 1. menangkap ikan dgn menggunakan serkap: *tiap-tiap petang Ani mengikut bapa angkatnya ~ ikan di sawah;* **2.** = **menyerkapi** menyungkup atau mengurung dgn serkap (ayam dll); **3.** menyerang (menyerbu, memerangkap) dgn tiba-tiba: *ia diserkap secara tiba-tiba oleh musuhnya;*

terserkap sl dgn tiba-tiba atau mengejut (serangan dll): *maka datanglah ia dgn ~, tiada sempat Yang diPertuan Muda berbuat kubu lagi.*

serkat Kl galah yg bersangkak di hujungnya (utk mengambil buah-buahan supaya jangan jatuh).

serkup sesuatu benda yg jeluk yg digunakan utk menyungkup (menutup dll) sesuatu yg lain:~ *kaca*;

menyerkup 1. menyungkup (menutup dll) dgn sesuatu yg jeluk: *tuanku Malim Deman pun disembunyikan olehnya di bawah dapur diserkup dgn kawah*; **2.** menutup (menudung) dgn sesuatu: *ia membetul-betulkan rambutnya yg ~ dahi*; **3.** ki menyelubungi, meliputi: *kelam malam ~ seluruh kampung itu*;

menyerkupkan memakai sesuatu utk menyerkup: *Long mengambil songkoknya dan ~nya ke atas kepalanya*.

serlah; menyerlah 1. kelihatan nyata (kerana tidak dilindungi apa-apa dll), kelihatan bercahaya atau berseri (bulan, muka perempuan, dll): *di kala langit itu cerah, bintang nampaknya ~*; **2.** (kelihatan) terkemuka, (kelihatan) menonjol: *di samping beberapa nama, Baharuddin Zainal ialah penulis esei yg ~ bakatnya*;

menyerlahkan 1. menjadikan terserlah, menjadikan terang bercahaya (berseri dsb): *setiap satunya merupakan cantuman berlian-berlian bermutu yg ~ cahaya dan kilauan dgn sepenuhnya*; **2.** mengemukakan (dgn nyatanya), menonjolkan: *tulisan-tulisan Muhammad Haji Salleh, walaupun tidak banyak tetapi cukup utk ~ pandangan tentang nilai estetika Sastera Melayu*;

terserlah menyerlah;

keterserlahan perihal (keadaan) terserlah;

serlahan sesuatu yg menyerlah (terserlah);

penyerlahan perihal (usaha, proses, dsb) menyerlahkan sesuatu, penonjolan: *amanat yg mengarah kpd ~ permasalahan itu*.

serling lubang (sbg jerat) utk menangkap binatang, pelubang;

terserling terjatuh ke dlm serling.

sermangin gendang serama.

sernak; menyernak menjadi senak (hati), menyesak (hati); → □ **senak**.

sero (séro) **I** Id pancang-pancang spt pagar (drpd kayu, buluh, dll) yg dipasang di tepi laut utk menghalau ikan ke tempat yg dikehendaki, kelung, belat betawi.

sero (séro) **II** Id syer, saham; *untung* ~ keuntungan yg diperoleh drpd perniagaan dll dan dibahagi-bahagikan kpd pemegang-pemegang syer;

perseroan persyarikatan dlm hal perdagangan (perniagaan), perkongsian; ~ *terbatas* Id syarikat berhad;

pesero orang yg mempunyai syer dlm sesuatu badan perniagaan, pemegang syer.

serobeh (serobéh) tidak teratur atau tidak kemas (pakaian, rambut, dll).

serobok; berserobok, terserobok bertemu (bersua, berjumpa) dgn; → □ **sobok**.

serobot Jk; *tukang* ~ orang yg suka merampas (merebut, mencuri, dll) hak orang lain; *main* ~ berbuat perbuatan yg melanggar peraturan (tidak sah);

menyerobot **1.** mengambil sesuatu dgn melanggar hukum atau peraturan (mencuri, merampas, menyerang, dll): *basikal itu diserobot orang; tunangannya diserobot orang*; **2.** mengerjakan sesuatu dgn nekad (dgn diam-diam): *ia akan ~ sahaja masuk ke dlm tempat siaran itu; bola itu diserobot oleh lawannya dr belakang*; **3.** menggunakan jalan dgn tidak mengendahkan orang lain (peraturan jalan raya dll): *jangan suka ~ jalan*;

penyerobotan perbuatan menyerobot;

penyerobot orang yg menyerobot.

seroda duri dll yg dibelitkan pd batang pokok (utk mencegah drpd dipanjat orang dll), serangkak;

spt memanjat terkena ~ prb perihal orang yg mendapat bahaya kerana nafsunya sendiri.

serodi; menyerodi sl mencanai (mengasah) batu-batu permata.

serodok; menyerodok **1.** menyusup di bawah sesuatu (belukar, pagar, dll), menyeluduk, menyorok; **2.** menyondol dgn kepala (orang, binatang, dll), menyudu dgn paruh (itik dll): *itik telah keluar dan berebut-rebut ~ ke dlm pelimbahan; ~ gelas lalu prb menyesuaikan diri dgn pekerjaan.*

serografi (sérografi) seni atau teknik membuat ukiran atau reka bentuk pd lilin.

seroi Kd peroi.

seroja **1.** sj tumbuhan (herba dan bunga), bunga pukul empat, bunga pecah empat, kembang pukul empat, *Mirabilis jalapa*; **2.** = ~ biru sj tumbuhan (herba), kelepok, telepok, teratai kecil, tunjung biru, *Nymphaea stella*; **3.** = ~ merah sj tumbuhan (herba), bunga padma, bunga telepok, teratai, *Nelumbium nelumbo*.

serok (sérok) **I** → **sero I**.

serok (sérok) **II** Jw sj alat utk mencedok, pencedok;

menyerok mengaut, mencedok.

serok (sérok) **III** teluk kecil (yg terdapat di sungai atau pantai laut); → **serokan**.

seroka; menyeroka membuka tanah baru (utk dijadikan sawah dll); → **teroka**.

serokan (sérokan) **1.** teluk kecil (yg terdapat di sungai-sungai atau di pantai laut); **2.** aliran air (di sawah), parit; **serok III**.

serologi (sérologi) kajian tentang serum darah.

serolok Pr terperlus (ke dlm lubang, lumpur, dll).

serombong **1.** benda spt corong yg kembang ke hujung dan disambungkan pd hujung serunai (alat pembesar suara dll); **2.** = ~

asap corong yg menyalurkan asap pd kapal (dapur, lampu, dll), cerobong, semperung.

serompok ark; **terserompok** tidak dapat bergerak lagi, tersesak (tersuntuk) benar.

seron (séron) I Kd sangkak dll tempat ayam bertelur.

seron (séron) II Kd; *bujang* ~ perempuan yg telah ditinggalkan oleh suaminya tetapi tidak diceraikan (cerai gantung).

serondeng (serondéng) 1. sj makanan (yg dibuat drpd kelapa yg dikukur); 2. sj makanan (yg tahan lama) drpd siatan daging (udang atau ikan yg dihancurkan dsb) yg dimasak bersama santan dan rempah-rempah sehingga kering.

serondok; terserondok mencuar atau menjulang ke atas (ke hadapan).

serondol; menyerondol menyondol (dgn kepala dll).

serondong; menyerondong (mendorong) membongkok ke hadapan, menyondol, menyorok;

terserondong terdorong (terlangsung, terlanjur) ke hadapan.

serong (sérong) I 1. menyimpang dr arah yg lurus (garis dll), tidak tepat atau tidak lurus (letak, potongan sesuatu, dll): *letak rumahnya ~; batang itu mestilah dikerat melintang, tidak dipotong ~; jalan yg ~ a) jalan yg tidak lurus (ke barat, ke timur, dll); b) perbuatan yg salah (tidak sbg semestinya); kain ~ (bugis) sj cara memakai kain; memandang ~ a) memandang ke samping; b) menganggap tidak wajar; 2. ki tidak lurus hati, tidak jujur, curang: *berlaku ~;**

menyerong tidak lurus arahnya (berjalan, memotong, dll), mencong: *masukkan jarum ~ dr belakang;*

menyerongkan 1. menjadikan serong (letak, bentuk, dll), memencongkan: *~ jarum ke kiri;* 2. ki menjadikan curang, memesongkan: *kekayaan boleh ~ kebenaran;*

kesserongan ki perihal serong (curang dll), kecurangan;

penyerongan perihal menyerongkan sesuatu.

serong (sérong) **II**; ~ ekor sj ikan laut, *Mugil dussumierii*.

serongeh (serongéh) Kl tidak teratur (gigi, spt berlapis-lapis, jongang, dll).

serongkong; menyerongkong merebahkan diri ke hadapan dan bahagian punggung ditinggikan dgn mendirikan lutut: *Zabidi sedang ~ minum air dr tasik itu.*

seronok perasaan yg menyenangkan (menyukakan) atau menyedapkan hati, sedap didengar (dilihat dll): *mereka berasa ~ membuat lukisan atau pekerjaan tangan; sangat ~ melihat mereka menari;*

berseronok-seronok bersuka ria, bersenang-senang, bergembira, berfoya-foya: *sampai hati dia ~ dgn perempuan lain sedangkan isterinya sedang terlantar sakit di rumah;*

menyeronokkan menimbulkan rasa seronok (nyaman, enak, dll): *bagi orang yg sabar, bunga ini sungguh ~ dan menenteramkan hati;*

kесeronokan perihal (keadaan, rasa, dsb) seronok, kesedapan sesuatu yg menyebabkan seseorang dsb berasa seronok: *kanak-kanak mempunyai kecenderungan dlm pelajaran yg mendatangkan ~ kpd mereka;*

ketidakseronokan perihal (keadaan, rasa, dsb) tidak seronok.

seronot; menyeronot merangkak dll di bawah sesuatu (semak, kawat, dll), menyusup.

seronyeh (seronyéh) **1.** tidak teratur atau tidak tersusun (dan tidak sedap dipandang); **2.** koyak rabak (pakaian dll); **3.** tercerai-cerai (buku dll).

seropot; menyeropot bp menghirup (air), menghisap, menyedut: *Bung Parta sedang ~ kopi manisnya.*

serosoh Mn; **menyerosoh** menggelongsor, menggeluncur, menyelusur.

serot Jw; **menyerot** menghirup, menghisap, menyedut.

seroyong, seroyongan Jk terhuyung-hayang (berjalan).

serpa ark serapah.

serpai **1.** serpih; **2.** (Hut) kepingan kecil kayu yg dihasilkan drpd kayu balak dll yg digunakan utk membuat papan serpai, pulpa, tepung kayu, dll;

penyerpai mesin utk memotong balak, reja kayu, dll, menjadi serpai yg agak sekata saiznya.

serpih **1.** sumbing atau pecah sedikit (pinggan mangkuk, batu, dll): *tiang batu itu kelihatan ~ sedikit*; **2.** = **serpihan**;

menyerpih **1.** menyerupai serpih; **2.** menjadi serpih, pecah-pecah; **3.** menjadikan serpih, memecahkan kecil-kecil;

serpihan kepingan-kepingan kecil (drpd sesuatu spt batu, kayu, dll), sobekan: *di samping novel itu, kelihatan sekeping ~ cermin muka; jangan dimasukkan ~-~ kaca ke dlm laci kamu.*

serpuk; terserpuk tertiarap (kerana jatuh), tersembam: *ia menerkam anaknya yg ~ di kaki tangga.*

sersan Id sarjan.

sersi (sérsi) I Id polis rahsia, mata-mata gelap.

sersi (sérsi) II Id sj kain tipis yg diperbuat drpd bulu biri-biri.

serta **1.** turut, bersama, ikut, mengikut: *Australia telah menyatakan hasratnya utk ~ dlm persidangan itu; jikalau datang kpd had nyawa sekalipun yg pekerjaan tuan hamba ~lah hamba; apabila Tuan Raffles datang memukul tanah Jawa, maka ia hendaklah ~ bersama-sama dr darat*; **2.** = **berserta** bersama-sama (dgn): *maka dipilihnya empat puluh anak peria yg baik-baik, dibawanya ~*; **3.** dan juga, juga: *Encik Ramli dan Encik Ghani, ~ ketua pejabat di kementerian itu tidak datang bekerja*; **4.** sebaik sahaja, demi, apabila: *maka baginda diam pd suatu tempat, ~ hari malam maka*

datanglah biawak terlalu banyak; 5. sambil, seraya: “Benar pula itu,” kata Datok Raja di Langit, ~ memandang kpd Sutan Baginda; 6. baharu sahaja, sesudah: ~ didengar Ramli ratap sedemikian, sekonyong-konyong ia pun berpaling kpd ibunya;

serta-serta = serta-menyertai;

berserta bersama-sama (dgn), mengikut, menurut: *orang kaya-kaya yg ~ menghantar baginda itu semuanya menjunjung duli; jika engkau mati dgn pekerjaan tuanmu, aku pun mati ~lah dgn kamu;*

menyertai 1. mengiringi, mendampingi, mengikuti: *setiap pelajaran yg saya berikan itu, disertai dgn latihan; bantahan mereka kali ini disertai dgn ugutan yg lebih hebat; 2. bersama-sama dgn, menemani, mengawani (utk menolong dll): Tuhan ~ orang yg sabar; 3. mengikut serta, turut bersama: tidakkah ibu bapa mereka melarang mereka ~ tarian itu?*

serta-menyertai turut serta (dlm hal orang dll), ikut mencampuri;

menyertakan, mempersertakan 1. membiarkan menyertai, memperikutkan; 2. mengembarkan bersama (surat dll), mengirimkan bersama (dgn);

pesertaan perihal berserta;

penyertaan perbuatan menyertai (menyertakan): *~ negara-negara anggota dlm rancangan-rancangan PBB;*

peserta orang yg mengikut serta (dlm sesuatu perkara spt pertandingan, pergerakan, dll), pengambil bahagian: *seminar antarabangsa ini dihadiri oleh ~-~ dr Asia Tenggara, Australia dan New Zealand;*

penyerta; *kata ~* Id kata yg menyatakan ketentuan atau ketidaktentuan sesuatu kata nama (spt “*the*”, “*a*” dan “*an*” dlm

bahasa Inggris, atau “*der*”, “*die*” dan “*das*” dlm bahasa Jerman), kata sandang.

serta-merta pd ketika itu juga, tanpa berlengah-lengah, segera: *arahan itu berkuat kuasa dgn ~;*

keserta-mertaan keadaan serta-merta.

sertipikat (sértipikat) IB surat keterangan, surat tanda, surat akuan; ~ *doktor* surat akuan drpd doktor.

sertu; menyertu menyucikan mana-mana bahagian badan yg terkena najis mughallazah (anjing dan babi) dgn air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali, menyamak.

seru I; kata ~ a) kata utk memanggil; b) kata yg dikeluarkan dgn tiba-tiba (kerana kesakitan, terperanjat, dll);

berseru 1. memanggil dgn berteriak (dgn suara nyaring): *Mariam ~ dgn suara tinggi; 2.* mempelawa, mengajak, menganjurkan: *Presiden Park telah ~ kpd semua rakyat supaya bekerja dgn lebih kuat lagi;*

berserukan sl = **menyerukan;**

menyeru memanggil, meneriak: *pegawai itu ~ nama Salim; pesuruh Allah ~ manusia supaya mengenal Allah dan taat kpd Allah;*

menyerukan 1. meneriakkan atau mengucapkan sesuatu dgn nyaring: *seorang pegawai yg berpakaian hebat telah ~ suatu titah drpd yg maha mulia; 2.* menghebahkan, mengkhabarkan, mengumumkan: *keputusannya akan diserukan kemudian; 3.* menganjurkan atau mengusulkan (supaya): *rencana yg ~ supaya ada kerjasama antara sasterawan, wartawan, dan ahli sains Melayu sangat menarik perhatian; 4.* = **menyeru-nyerukan** mengheboh-hebohkan, menggembar-gemburkan;

seruan 1. sesuatu yg diserukan, panggilan (dgn suara yg nyaring):
~ yg berapi-api dan pidato-pidato sahaja tidak akan memberi

apa-apa manfaat; **2.** anjuran, ajakan: Nabi mula-mula menyampaikan ~ Islam kpd orang yg hampir sekali dengannya;

penyeruan perbuatan menyeru (menyerukan): Abu Talib telah memberi sepenuh-penuh sokongan kpd Rasulullah dlm ~nya itu;

penyeru 1. ark seruan; **2.** orang yg menyeru atau menyerukan, juruhebah.

seru II sengit (pertempuran, peperangan, dll), hebat: *peperangan di Asia dan di Pasifik masih berjalan dgn ~.*

seru III sl serba, sarwa: *dgn pertolongan Tuhan ~ sekalian alam, sudahlah selamat kami kembali dgn sejahteranya.*

seru IV sj tumbuhan (pokok), *Schima bancana.*

SERU akronim bagi *Socioeconomic Research Unit* (Unit Penyelidikan Sosioekonomi).

seruak Mn; **menyeruak** membuka jalan (di antara orang banyak), masuk melalui tempat yg sempit, berjalan serta menguak-nguakkan (tumbuh-tumbuhan, orang, dll) supaya dapat dilalui: *Uda Patah dgn termengah-mengah berlari dan ~ ke tengah orang banyak itu.*

serual sl seluar.

seruas sj tumbuhan (pokok renek), dada kura, kahwa (kopi) hutan, lidah rusa, mempulih, riang-riang gelugur, rumput-rumpu, seberutut, tembusu paya, *Fagraea racemosa.*

serugat sj tumbuhan (anggerik), rancung hantu, *Tropidia curculigoides.*

seruh I 1. kecut atau kempis (bisul, bengkak, dll), susut kerana mendap dll (beras dlm karung dll); **2.** Kd pucat lesi (spt orang baru betah drpd demam).

seruh II; ~-*serah* bunyi spt bunyi orang berjalan dgn mengheretkan kakinya.

seruh III ark seru, sengit.

seruit sj tombak yg digunakan utk menikam kura-kura, tempuling bermata satu.

seruk Jw sj tempat menyimpan beras drpd mengkuang dll (boleh memuat 10 gantang); *bagai* ~ *dihentak* ki orang yg terlalu gemuk.

serul tidak melekat (butir-butir nasi, ketul-ketul tanah, dll), gembur.

seruling sj alat bunyi-bunyian yg ditiup (drpd buluh dll).

serum (sérum) **1.** = ~ *darah* cecair jernih yg terpisah drpd bekuan darah dlm penggumpalan darah; **2.** bahan antitoksin yg diperoleh drpd serum darah binatang yg dilalikan dgn bakteria penyebab penyakit; **3.** cecair jernih yg dirembes oleh selaput tertentu;

menyerum Id menyuntik dgn serum.

serumat; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek), akar tapak rimau, bulang pelanduk, kelurai, melur hutan, *Canthium aciculatum*.

serumpu; ~ *telinga badak* sj tumbuhan (pokok), kelat tampoi, sempuh telinga badak, *Crypteronia griffithii*.

serunai I sj alat bunyi-bunyian yg ditiup (diperbuat drpd kayu dll).

serunai II; ~ *laut* = *pokok* ~ sj tumbuhan (herba), bunga butang, seremai, *Wedelia biflora*.

serunci sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kelupas, akar kirai, dedalu bukit, pepina, *Hiptage sericea*.

serunda I; **menyerunda** menarik perahu di darat (utk dipindahkan ke sungai lain dll).

serunda II; **berserunda**, **terserunda** berjuntai (bergayut, bersenggayut) sampai ke tanah.

serundang I; **menyerundang** menyungkur tanah dll dgn muncung (babi dll).

serundang II sj tumbuhan (pokok menumpang), akar asam tebing darat, akar ketam (meroyan, sembang, segunja), daun bajang (ketam), *Anodendrum montanum*.

serungkup I sj tumbuhan (pokok), mesekang putih, pokok lemos, putat gajah, rambai ayam, talan, *Ryparosa fasciculata*.

serungkup II; menyerungkupi menutupi rapat-rapat, melindungi, menutupi: *seorang drpd mereka berambut panjang ~ dahi; selungkup.*

seruni; ~ laut Id sj tumbuhan, *Wedelia biflora*; → □ **serunai II.**

serunjang sj tombak drpd kayu.

seruntun; akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), batang wali, gasing-gasing, petawali, *Tinospora tuberculata*.

serupih Mn serpih.

seruput sj tumbuhan (herba), *Justicia uber*.

seruras; pokok ~ sj tumbuhan (pokok kecil), akar belalang puak, *Pittosporum ferrugineum*.

seruru sj tumbuhan (pokok memanjat), *Pericamphylus glaucus*.

serusah sj kain.

serut Jk ketam (kayu);

menyerut melicinkan kayu, mengetam;

serutan = *tahi* ~ tahi ketam, tatal (drpd barang yg diserut).

serutu cerutu, lisong.

seruyan sj tumbuhan (pokok kecil), hujan panas, semomah, *Breynia rhamnoides*.

server (Komp) bp pelayan.

serviks (Bio) salur pd bahagian bawah rahim yg membuka ke faraj.

servis 1. hantaran (pukulan atau tamparan) pertama bola dlm permainan badminton, tenis, skuasy, dsb; **2.** bp khidmat, perkhidmatan: ~ *mereka akan ditamatkan tidak berapa lama lagi*; **3.** tindakan

memeriksa, mencuci, memperbaiki, menyenggara dsb sesebuah jentera, kereta, dsb supaya dapat beroperasi dgn baik dan selamat: *pusat ~ kereta; syarikat itu akan memberikan ~ percuma utk ~ pertama bagi kereta-kereta yg dibeli drpd syarikatnya;*

~ kilas servis yg dilakukan dlm permainan badminton, pingpong dsb dgn bahagian belakang tangan yg memegang raket atau pemukul menghala ke pemain lawan; *~ kuda* teknik hantaran (sepakan) pertama bola dlm permainan sepak takraw dgn menggunakan bahagian atas kaki;

menservis membaiki keadaan sesuatu (spt perkakas elektrik, jentera, kenderaan, dsb) dgn mencuci bahagian-bahagiannya (menukar bahagian yg perlu, mengganti minyak, dsb): *keretanya sudah perlu diservis.*

servo (Kej) peranti dlm sistem hidraulik yg menukarkan tekanan hidraulik menjadi pergerakan mekanikal.

serwa → **serba**.

ses (sés) sj cukai khas yg dikenakan bagi maksud tertentu: *~ penyelidikan dikenakan kpd eksport getah; pekebun kecil memohon wang ~ tanam semula dikembalikan kpd mereka.*

sesagun sagun.

sesah; bersesah; *~ bertinju* berpukul-pukul atau tinju-meninju (bergaduh dll);

menyesah **1.** memukul dgn benda yg melenting (rotan dll), menyebat, membelasah: *dikejanya budak itu dan disesahnya;* **2.**

mencuci (pakaian dll) dgn membanting-bantingkannya;

bagai ~ kain dapat prb memakai barang (biasanya barang pinjaman) dgn sekehendak hati sahaja; *bagai cendawan disesah prb perihal pucat lesi* (muka dll).

sesai; *wang ~ wang hantaran atau mas kahwin yg belum dibayar.*

sesajen (sesajén) Jw jamuan yg disajikan utk orang halus dll, semahan.

sesak 1. tidak lapang (lega, longgar), sempit: *bilik itu ~*; **2.** terlalu penuh (hingga tidak terluang lagi), tumpat (penumpang dlm kenderaan dll): *syahadan maka pelabuhan Singapura pun ~lah dgn kapal*; **3.** tersumbat atau tersekat (perjalanan nafas dll), sendat, senak: *nafasnya ~-~ macam dikejar anjing*; **4.** susah (kehidupan), sempit: *ia sentiasa mengambil berat akan ~ sukar dan sakit pening sekalian anak buah*;

~ dada (nafas) susah bernafas (kerana sakit, marah, dll), mengah-mengah; *~ kencing* berasa hendak membuang air kecil; *~ padat = penuh ~ penuh benar* (hingga tidak ada ruangan lagi); *~ berundur-undur, hendak lari malu, hendak menghambat tak lalu* prb perihal orang yg tidak dapat melawan seseorang tetapi kerana malunya dilawannya juga;

bersesak, bersesak-sesak berasak-asak, berhimpit-himpit, bersempit-sempit: *para penonton ramai ~-sesak*; *~ bagai ular tidur* prb perihal orang yg dlm kesempitan (kerana ditagih hutang dll);

menyesak = menyesak-nyesak mengasak, merempuh (di tengah-tengah orang banyak): *mata-mata mencuba menyuraikan orang yg ~ di depan rumah*; *orang itu menyeru kpd seorang pemuda yg sedang ~-nyesak dlm orang banyak*;

menyesakkan 1. menjadikan sesak (sempit), menyempitkan: *tiada ia ~ tempat kita*; **2.** meminta dgn sangat (supaya mengerjakan sesuatu dll), mendesak: *orang kampung ~ dia agar kahwin seorang lagi*; **3.** menyendatkan (perjalanan nafas dll): *hawa terkurung dan lembap di dlm bilik yg kecil itu ~ hidung mereka*; **4.** menjadikan susah atau sukar (penghidupan), menyukarkan,

menyulitkan: *jangkanya belum ~, ada lagi harta benda yg boleh dijual atau digadai;*

tersesak **1.** tidak lapang atau tidak lega lagi, terasak, terdesak; **2.** dlm kesulitan atau kepayahan: *telur biasanya menjadi lauk tambahan apabila kita ~ hendak menjamu rakan-rakan; ~ hidup hidup dlm kesukaran;* **3.** tersekat-sekat (perjalanan nafas dll), teresak-esak (kerana menangis), tersedu-sedu: *dia menangis ~ sesak spt budak-budak; ~ padang ke tebing (ke rimba) = ~ undang kpd yg runcing, tak dapat bertenggang lagi prb habis akal bicara hingga tidak ada daya upaya lagi;*

kesesakan **1.** perihal sesak, kesempitan, kesukaran; **2.** sangat sesak (sukar, sulit, dll): *apabila Datuk Bendahara mendengar perkataan kapitan kapal itu, ~lah ia.*

sesal perasaan tidak senang kerana telah melakukan sesuatu yg tidak baik (dosa dll), keinsafan telah bersalah: *apabila ia melihat perbuatannya yg kasar itu, ia berasa ~; ~ dahulu pendapatan, ~ kemudian tiada berguna prb sebelum mengerjakan atau melakukan sesuatu hendaklah difikirkan habis-habis;*

bersesal = ~ *hati* = **menyesal**;

bersesalan, bersesal-sesalan salah-menyalahkan; ~ *bagai Batak lari* prb tuduh-menuduh sesama sendiri;

menyesal **1.** berasa tidak senang kerana telah melakukan sesuatu kesalahan (kejahatan dll), insaf telah bersalah: *kalau rugi jangan ~ nanti;* **2.** berasa kecewa (akan), berasa tidak senang (akan): *ia tidak ~ atas perbuatannya;*

menyesali **1.** berasa sesal terhadap: *tidak baik ibu berkata demikian sbg ~ untung;* **2.** berasa tidak senang kpd, mempersalahkan: *dia ~ jawatankuasa pengelola yg seakan-akan tidak tahu menjalankan tugasnya;*

sesal-menyesali bersesalan;

menyesalkan 1. berasa sesal atau kecewa terhadap sesuatu, menyesali, menyalahkan: *siapa yg hendak disalahkan, siapa yg harus disesalkan, manusia juga yg mengajar manusia jadi begini;*

2. menyebabkan jadi menyesal: *perbuatan yg sangat ~ dirinya;*

sesalan 1. perasaan sesal, (sesuatu) yg disesalkan: *jikalau datang sesuatu hal di jalan, mati hidup tiadalah kami ketahui, jangan menjadi ~; air mukanya membayangkan rasa ~nya;* **2.** penentangan, celaan: *keris inilah kelak akan menebus ~ patik hari ini;*

kesesalan perihal sesal, kekesalan: *utk membuktikan ~ saya itu, saya sudi bekerjasama dgn pemerintah;*

penyesalan perihal menyesal(i).

sesalang sj tumbuhan (pokok renek), julung-julung (bukit), meroyan sakat, pokok sebertih, salung(-salung), *Psychotria stipulacea*.

sesap I; menyesap 1. menghisap air dll (burung, binatang, dll), menyedut: *lebah ~ madu bunga;* **2.** menyusui (anak kecil): *budak itu sedang ~;*

sesapan = ~ *burung* bekas tempat minuman burung;

penyesapan perihal menyesap, penghisapan.

sesap II Mn = sesapan ladang atau huma yg telah ditinggalkan; *dikatakan berhuma, lebar sesapan di halaman prb kekayaan (keberanian, kegagahan, dll) seseorang itu tentulah ada bukti-buktinya (tidak boleh dipercayai khabar sahaja).*

sesar; menyesar 1. beralih (sedikit-sedikit), berganjak, bergeser; **2.** mendesak supaya beralih (cecair oleh benda padu dll); *jangan disesar gunung berlari, hilang kabut tampaklah dia = ke mana gunung disesar hilang kabus tampak juga prb sesuatu*

perkara yg telah tentu itu tidak perlu digopoh-gopohkan sangat (hendaklah sabar mengerjakannya);

menyesarkan **1.** mengalihkan, menggeserkan (menguakkan dan menutup spt kelambu dll); **2.** mendesak supaya keluar atau bebas; **3.** (Kim) membebaskan sesuatu unsur drpd sebatian kimia (spt hidrogen drpd asid dll);

penyesaran perbuatan menyesar(kan).

sesari bp sehari-hari, sekarang.

sesat **1.** tidak mengikut jalan yg betul, tersalah (tersilap) jalan: ~ *di jalan*; **2.** ki tersalah, terkeliru (perbuatan, kepercayaan, dll), menyimpang dr jalan yg benar: *lama-kelamaan mereka menjadi ~ lalu menyembah berhala*;

~ *akal* tidak siuman, gila; ~ *barat* salah sekali (jalan yg diikuti); ~ *fikiran* salah pegangan (pendirian, pendapat); ~ *lalu* mengikut jalan yg salah; ~ *langkah* a) melakukan perbuatan yg salah; b) mendapat bencana (sial) dlm perjalanan; ~ *pusat* bingung;

~ *di hujung jalan, balik ke pangkal jalan* prb jika tidak boleh dicapai persetujuan dlm sesuatu mesyuarat, hendaklah diselidiki kembali pokok persoalannya; ~ *surut, terlangkah kembali* prb membaiki kesalahan yg telah dilakukan; *kelarai ~ taja* prb sesuatu kesilapan yg memang salah dr mulanya lagi;

bersesat tersalah jalan yg diikuti, dlm keadaan yg sesat (perjalanan);

menyesatkan **1.** menyebabkan jadi sesat (perjalanan), membawa ke jalan yg salah: *permatang yg panjang ini tidak akan ~ perjalanan kita*; **2.** ki menjadikan keliru atau tersalah: *hidup tanpa penjelasan dan tanpa mengetahui selok-belok agama yg benar-benar akan ~ semata-mata*;

tersesat **1.** tersalah jalan yg diikuti: *semenjak suami saya masuk hutan, entah masuk komunis, entah ~ jalan, saya tetap dianggap serong*; **2.** ki terpesong drpd kebenaran (fikiran, fahaman, dll): *dia mengingatkan kita supaya jangan ~ dan jangan melupakan Tuhan*;

kesesatan **1.** perihal sesat (perjalanan dll): *dlm ~ yg menyesakkan ini, aku masuki beberapa buah rumah dan menanyakan rumah keluarga Van Hogenstra*; **2.** ki kekeliruan (bkn fahaman, pegangan, dll), kesilapan: *agama menunjukkan jalan yg benar dan menyelamatkan manusia drpd ~*;

penyesatan perbuatan mendatangkan kesesatan: *soal ~ memang sukar diselesaikan*.

sesawat; *akar ~* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar carik puteri, akar puding rimba, daun pakan, gadung samak, selantung, *Vitis cinnamomea*.

sesawi sawi-sawi; *spt suatu biji ~ dlm rumput* prb a) orang yg hina sekali; b) benda kecil yg disembunyikan di tempat yg pelik; → **sawi**.

sesekat (Kej) alat spt plat, papan dsb yg digunakan utk mengawal atau menyekat aliran udara, cecair atau bunyi melalui salur masuk atau keluar.

sesenap sj tumbuhan (herba), akar seleguri, *Alysicarpus vaginalis*.

sesenduk sj tumbuhan (pokok), bulan-bulan, *Endospermum malaccense*.

sesentuh (Kej) alat yg menghubungkan sesuatu pengalir elektrik dgn yg lain (utk meneruskan pengaliran elektrik).

seser (sésér) Jw sj alat utk menangkap ikan (diperbuat drpd bilah).

sesi (sési) **1.** tempoh (penggal, semester, atau tahun) pengajian di universiti dll: *~ pertama bermula pd bulan Jun*; **2.** suatu jangka masa berlangsungnya atau berlakunya sesuatu aktiviti: *~ temu*

duga; **3.** perjumpaan sekumpulan pegawai (mahkamah, parlimen, dsb) utk sesuatu tujuan, sidang: ~ *parlimen*.

sesia tidak mendatangkan apa-apa hasil atau faedah, tidak ada gunanya, sia-sia: *usahanya utk menjayakan projek itu ~ sahaja*;

mensesiakan mensia-siakan: *janganlah kamu ~ peluang utk melanjutkan pelajaran ini*;

kesesiaan perihal (keadaan, sifat dsb) sesia: *berilah aku kesempatan yg panjang utk menebus ~ hidupku*.

sesibar sibar-sibar (serangga).

sesibur sibur-sibur.

sesium (sésium) (Kim) sj unsur logam yg sangat reaktif, mudah terbakar, dan digunakan utk membuat sel elektrik dan sbg mangkin.

sesira sj tumbuhan (pokok), *Acronychia laurifolia*.

sesoca Jw intan.

sesondol (Kej) bahagian yg menonjol keluar dr roda atau aci utk mengubah pergerakan (dr yg berpusing kpd yg turun naik dll).

sesorok sj serangga, *Gymnogryllus elegans*.

sesuai **1.** padan benar (keadaan, rupa, dll), cocok benar: *seluar itu tidak ~ dgn saya kerana terlalu besar; carilah gadis lain yg lebih ~ utk dijadikan isteri kamu*; **2.** berpadanan (dgn), berpatutan (dgn): *bunyi besi itu ~ dgn bunyi piano*; **3.** setimbang, seimbang, selaras: *hukuman itu telah difikirkan sbg hukuman yg paling ~ utk kampung itu*; **4.** sepakat, sehati, setuju: ~ *benar pendapat mereka*; **5.** serasi (ubat dll), cocok benar: *rumput di negeri ini tidak ~ utk makanan kuda kerana kekurangan zat kalsium*;

bersesuaian cocok benar dgn, berpadanan, berpatutan: *saya rasa tugas ini ~ benar utk kaum wanita*;

menyesuaikan menjadikan sesuai, menyelaraskan, memadankan: *bukanlah mudah ~ diri dgn orang-orang di tempat yg baru*;

peraturan dan adat istiadat ini akan diubah utk ~ dgn keadaan dan adat resam di sini;

tersesuai (telah) disesuaikan, menjadi sesuai: *nyatakan dua cara bagaimana katak itu ~ utk hidup di dlm air;*

kesesuaian perihal (keadaan dsb) sesuai, keselarasan, kesamaan;

ketidaksesuaian perihal (keadaan dsb) tidak sesuai: *masalah spt kekurangan bahan bacaan dan ~ bahan bacaan merupakan masalah yg dihadapi oleh negara ini;*

berkesesuaian cocok (padan, layak) benar, sesuai;

persesuaian perihal bersesuaian (cocok, sama, dll), persamaan, persetujuan: *lelaki itu menarik hatinya kerana ada rasa simpati dan ~ faham;*

penyesuaian perihal (perbuatan, proses, dsb) menyesuaikan, perbuatan menjadikan sesuatu dsb sesuai (dgn sesuatu yg lain): *bahasa Melayu maju dgn pesat sekali sehingga ~ diri dgn kemajuan itu perlu dilakukan;*

penyesuai alat dll yg menyesuaikan.

sesuat; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Vitis cinnamomea*.*

sesumbar Jw bercakap besar (takbur).

sesup sj tumbuhan (pokok di kawasan yg berpaya), *Lumnitzera coccinea*.

set (sét) **1.** sekumpulan barang yg merupakan suatu kesatuan, beberapa benda yg digunakan bersama-sama sehingga yg satu merupakan pelengkap yg lainnya (spt pinggan mangkuk, kerusi meja, dll), perunggu: *terdapat dua ~ kutipan yg terdiri drpd terjemahan tahun tujuh puluhan dan lapan puluhan;* **2.** sesuatu pusingan dlm permainan (tenis, bola tangkis, dll): *marilah kita bermain satu ~ lagi.*

set (sét) **II**; **mengeset** mengubah, membentuk (rambut), mengatur (huruf dlm mesin cetak, dll): *setiap satunya merupakan cantuman berlian-berlian bermutu yg diset dgn begitu kemas.*

seta bp hasta.

setabelan Id, bp pasukan meriam.

setada **1.** sj tumbuhan (pokok), kayu cina, *Podocarpus neriifolius*; **2.** sj tumbuhan (pokok), jati laut, *Podocarpus polystachyus*.

setagen (setagén) sj ikat pinggang perempuan, sabuk.

setagi setagen.

setai; **bersetai-setai**, **tersetai-setai** koyak rabak (pakaian), compang-camping, bersepai: *pakaiannya yg ~ itu terketar-ketar ditiup angin.*

setak Ph sj perahu kecil.

setaka → **astaka**.

setaking IB, bp mogok, pemogokan.

setakona → **astakona**.

setal I IB, bp kandang kuda; ~ *kereta* rumah tempat menyimpan kereta.

setal II IB, bp besi baja.

setambuk IB buku daftar yg di dalamnya terdapat nama orang (buku dll) secara berurutan yg masuk suatu perkumpulan (kumpulan dll); *nombor* ~ nombor bilangan (yg terdapat dlm setambuk).

setambul Istanbul; *kopiah* ~ terbus; *komedi* ~ sj sandiwara yg berpindah-pindah, komedi bangsawan.

setambun sj tumbuhan (pokok kecil), *Baccaurea parviflora*.

setampin sj tumbuhan (pokok renek), merepuh, pulut-pulut bukit, tampin hutan, *Mallotus griffithianus*.

setan (sétan) **1.** bp makhluk halus yg jahat (menggalakkan membuat kejahatan), syaitan: *di sini tempat ~ dan iblis bermain*; **2.** ki (orang

yg) jahat lagi buruk perangnya: *pelajar-pelajar itu ada juga yg* ~~~; **3.** bp kata makian;

mempersetan, mempersetankan tidak mempedulikan (mengendahkan): *rakyat mempersetankan seruan pengkhianat-pengkhianat itu;*

kesetanan dirasuk (diganggu) setan;

persetan bk jahanam: *~lah dgn mesyuarat; syaitan.*

setana bp istana.

setandang; *rumpu* ~ sj tumbuhan (herba), ketumbit akar, rumput anak temot, rumput setawar, rumput sumpu, rumput susur, *Borreria articularis*.

setang IB bahagian yg dipegang utk mengemudikan basikal (kereta), stereng.

setangan bp sapu tangan; ~ *kepala* kain ikat kepala, destar.

setanggi sj kemenyan (yg berbau harum apabila dibakar).

setanjak tengkolok; → **tanjak I.**

setapak serambi atau langkan yg di rusuk rumah; → □ **tapak I.**

setapuh sj tumbuhan (pokok), beras-beras, buah punai mengantuk, gading betina, menubung, pelangas, sebasah hitam, (minyak, nipis kulit), *Aporosa aurea*.

setar sj tumbuhan (pokok), kundang, rumia, *Bouea macrophylla*.

setarek (setaré) Kl sejak, semenjak.

setat I bp; **menyetat** menghidupkan enjin kereta dll: *drebar telah masuk hendak ~ kereta;*

penyetat alat atau pesawat yg digunakan utk menghidupkan enjin.

setat II IB daftar serta catatan-catatan ringkas bkn sesuatu (pegawai, murid, dll).

setatar bp alat utk menghidupkan enjin;

disetatar dihidupkan (dijalankan) enjin.

setatuten IB peraturan dasar (syarikat, pertumbuhan, dll).

setawar 1. sj tumbuhan (pokok), tawar-tawar, *Costus speciosus*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), bayam beralih, *Cyrtandromoea grandis*; **3.** sj tumbuhan (pokok renek), bayam beralah, *Cyrtandromoea grandis*;

~ *betina* = ~ *gajah* = ~ *hutan* = ~ *jantan* sj tumbuhan (herba), *Forrestia spp.*; ~ *bukit* = ~ *gunung* sj tumbuhan (pokok kecil), *Pseuderanthemum crenulatum*; ~ *kampung* sj tumbuhan (herba), cakar bebek (itik), tapak itik, *Kalanchoe laciniata*; ~ *padang* sj tumbuhan (herba), ganti batang, kerencung, raja bangun, sedingin, seringin, tumbuh daun, *Bryophyllum pinnatum*; ~ *ular* sj tumbuhan (herba), bunga kuau cermin, paha ayam, pokok tangkai jerami, rumput lidah jin, *Peristrophe acuminata*.

setebal sj tumbuhan (pokok), kalung, medang biawak, *Alangium nobile*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok menumpang), akar berenas, akar kecubung air, akar rambai daun, *Trichosporum radicans*.

seteger (setégér) IB para-para tempat orang membuat kerja (spt membuat rumah dll), aram-aram.

seteheng (setéhéng) Id, bp setengah gila, tiga suku (dlm erti kiasan).

setek (seték) IB potongan batang kayu (dahan dll) utk ditanam, turus.

seteker (setékér) IB suis lampu elektrik.

setel (setél) I Id selengkap (pakaian, pinggan mangkuk, dll), perunggu, *set: dia selalu memanggil "pak" pd orang yg punya pakaian lebih drpd satu ~;*

setelan 1. selengkap (pakaian, pinggan mangkuk, dll); **2.** bp pasangan atau jodoh (piring dgn cawan dll).

setel (setél) II IB; **menyetel 1.** mengunci jam atau membetulkan jarum jam; **2.** memasang atau membunyikan radio (dgn mendapatkan stesennya): *tidak ubahnya seakan kita ini pesawat radio yg selalu*

disetel pd gelombang bernama Barat; **3.** memasang roda (mesin dll);

setelan 1. alat pengunci jam, pemutar radio (utk mencari stesen);

2. cara memasang (roda, mesin, dll).

setela (setéla); *ubi* ~ ubi keledak.

seteleng (sétélang) IB, bp pameran: *atas usaha perkumpulan ini, diadakan beberapa ~ lukis*;

menyetelengkan bp mempamerkan (barang-barang, lukisan, dll).

seteling (setéling) IB, bp **1.** kedudukan pertahanan (tentera), tempat bertahan dan melancarkan gerakan, segala kelengkapan pertahanan dlm gerakan tentera; **2.** menyusun kedudukan utk melancarkan gerakan dll;

menyeteling bp **1.** mengatur kedudukan pertahanan (tentera), bertahan pd suatu tempat; **2.** melakukan serangan dll, mengepong.

setem (setém) I kertas kecil bergam, bergambar, dan mempunyai nilai (mata wang) tertentu yg digunakan sbg tanda bayaran pos, bayaran cukai surat perjanjian, dll;

bersetem mempunyai setem: *surat permohonan hendaklah disertai dgn satu sampul surat yg beralamat sendiri dan ~.*

setem (setém) II IB, bp **1.** suara pengundi (dlm pilihan raya dll); **2.** sama nadanya, selaras, setala; *tidak* ~ a) tidak sama nadanya; b) tidak sesuai (cocok);

menyetem bp **1.** membuang undi, mengundi; **2.** menyamakan nada (dlm permainan muzik), menala;

seteman bp pemungutan suara, pengundian.

setemi sl surat, warkah.

setenggar (seténggar) sl, bp sj senapang; → □ **istinggar**.

setepek (setépék) sj ikan laut, *Cynoglossus spp.*

seter (setér) IB bintang (tanda pangkat dll).

seter (sétér) IB = *tukang* ~ bp orang yg menyusun huruf (dlm percetakan), penyusun huruf.

seterika sj alat (diperbuat drpd besi) yg dipanaskan utk menggosok kain baju dll supaya licin;

~ *arang* seterika yg dipanaskan dgn arang; ~ *elektrik* seterika yg dipanaskan dgn tenaga elektrik;

berseterika telah digosok atau dilicinkan dgn seterika (kain baju dll): *seluar biru panjang yg dipakainya itu keras berkanji dan licin* ~;

menyeterika menggosok (melicinkan) dgn seterika: *bangku ini berguna utk ~ baju kanak-kanak atau lengan baju*;

seterikaan **1.** barang-barang yg (hendak dan sudah) diseterika; **2.** Jk seterika.

seteru musuh atau lawan (orang perseorangan): *drpd banyak ~, baik banyak sahabat*;

berseteru mempunyai seteru, bermusuh: *barangkali kerajaan akan melancarkan tindakan ~ di luar negara; drpd bersahabat dgn orang yg bodoh, baik ~ dgn orang yg berakal* prb tidak ada sesuatu pun yg boleh didapati drpd orang bodoh tetapi drpd orang cerdik kita boleh mempelajari walaupun dia musuh kita;

menyeterui memusuhi;

memperseterukan menjadikan seteru, menganggap musuh;

perseteruan perihal berseteru, permusuhan: *umat Arab sebelum Islam sentiasa dlm huru-hara, pertelingakahan dan ~.*

setewel (setéwel) Id ark → □ **setiwal**.

seti ark sj kain sutera.

seti (séti) sj kerusi panjang dgn tempat duduk dan tempat sandar yg berkusyen, boleh diduduki dua orang atau lebih.

setia **1.** teguh hati (dlm hal perkahwinan, persahabatan, dll), tetap hati: *ia sanggup berkorban kerana orang lain, kerana kasih, dan kerana ~; sumpah ~* a) sumpah utk tetap setia selama-lamanya; b) sumpah yg tidak akan diubah lagi; **2.** berpegang teguh (pd janji dll), patuh, taat: *anak-anak mudanya menuruti langkah bapanya dgn rajin dan tekun dan para gadisnya menuruti cara ibunya dgn patuh dan ~; tidaklah diragui lagi bahawa dia orang yg ~ kpd ketuanya; ~ lencana* Id pingat tanda kesetiaan (dlm tentera); *S~ Mahkota Johor* nama bintang kehormatan yg dianugerahkan oleh Sultan Johor; *~ rahsia* pembantu yg mengurus hal-hal peribadi dan urusan-urusan sulit, pembantu khas;

bersetia mengaku setia, bermuafakat: *lalu ~ dan berjanji penghulu Linggi itu dgn Bugis;*

kesetiaan perihal setia, keteguhan hati (dlm hal perkahwinan, persahabatan, dll), ketaatan: *Pahang yg dahulunya menjadi sebahagian drpd kerajaan Melaka, sekarang mengubah ~nya kpd Sultan Johor;*

persetiaan perjanjian mengaku setia: *jika akan mungkir drpd sumpah dan drpd ~ itu , janganlah bersembunyi-sembunyi; Matelieff menandatangani satu ~ baharu dgn Sultan Johor.*

setiabu sl sj ular; *pedang ~* a) sj pedang yg bermata tiga; b) sangkur senapang, benet, bayonet.

setia kawan berasaskan (memperlihatkan dsb) perasaan bersatu (bersefahaman, bersepakat dll), mempunyai (membayangkan dsb) pendirian dan kepentingan yg serupa: *menandatangani perjanjian kerjasama dan ~; semangat ~ adalah penting bagi menjamin kestabilan rantau ini;*

kesetiakawanan sikap (pendirian, perasaan, dll) setia kawan: *semangat kebangsaan dan ~ menjadi tenaga pendorong utk ketahanan dan kegigihan dlm persaingan yg hebat.*

setiar Jw, bp ikhtiar.

setiausaha **1.** orang yg diambil bekerja utk mengurus urusan surat-menyurat (menyimpan rekod, membuat kerja-kerja perkeranian, dsb) utk orang perseorangan atau utk sesebuah pertubuhan; **2.** pegawai yg mengendalikan pentadbiran dll sesuatu kementerian (jabatan dsb), orang yg mengendalikan pentadbiran sesuatu pertubuhan dsb: *Ketua S~ Kementerian Luar Negeri; ~ Persatuan Sejarah Malaysia;*

~ akhbar setiausaha kpd menteri yg tugasnya menyediakan draf ucapan menteri dan seterusnya mengurus penyiarannya dlm akhbar; *~ kehormat* setiausaha yg menjalankan tugas atau berkhidmat secara sukarela (tidak diberi gaji atau upah); *~ parlimen* setiausaha kpd menteri dlm urusan yg bersangkutan dgn parlimen; *~ peribadi* setiausaha yg mengurus hal-hal peribadi seseorang di samping tugas-tugas rasminya; *~ politik* setiausaha kpd menteri dlm urusan yg bersangkutan dgn politik; *~ sulit* setiausaha yg mengurus urusan peribadi atau urusan sulit dsb seseorang atau sesebuah pertubuhan, syarikat, dsb; *~ syarikat* pegawai kanan syarikat korporat yg bertanggungjawab terhadap hal-hal perundangan, pengurusan dsb syarikat;

kesetiausahaan (segala urusan) yg berkaitan dgn tugas atau profesion setiausaha: *dia berjaya dipilih memegang jawatan penolong setiausaha kerana mempunyai diploma ~; kerja-kerja ~.*

setiawan sl setia sekali.

setiga Id ark sj puisi yg mempunyai tiga baris tiap-tiap serangkap.

setik I IB jahitan; *~ balik* jahitan kembar yg dibalikkan.

setik II Jk jengkal;

setikan sj permainan guli (dgn jengkal).

setina (Bio) bunga yg tidak mempunyai stamen.

seting (séting) pemandangan, persekitaran, atau latar belakang yg dibuat
utk mewujudkan lokasi bagi drama pentas, filem, dsb.

setinggian orang yg menempati tanah kerajaan secara haram.

setinggar → **istinggar**.

setinggi bahagian layar yg boleh digulung (utk mengurangi angin).

setinja → **istinjak**.

setip I IB getah pemadam tulisan.

setip II IB kekejangan (anggota badan), kena sawan.

setir Id stereng (kereta), kemudi; *memegang* ~ menyetir;

menyetir memandu (kereta): *aku kira aku sudah tidak boleh lagi
~ sendiri*;

penyetir pemandu (kereta).

setirman IB jurumudi.

setiwal IB pembalut kaki (kulit), bengkak, but yg tinggi.

setoi; ~ *tupai* sj tumbuhan (pokok), sangah, *Elaeocarpus robustus*.

setoka; *ikan* ~ sj ikan pari kecil, *Trygon spp.*;

niat hati nak pancing temenung, sudah terpancing ikan ~ prb lain
yg dikehendaki, lain yg didapati.

setokin bp stoking.

setolop IB **1.** semperung (cimni) kaca; **2.** lampu yg memakai semperung.

setom NS; ~ *lampu* corong lampu.

seton Jw sj buyung, guci.

setonggang sj ikan laut, jepun, *Monocentris japonicus*.

setop bp **1.** tempat berhenti (bas dll): *dr satu ~ ke satu ~, semakin
banyak penumpang turun*; **2.** berhenti, terhenti;

menyetop menahan (supaya berhenti), menyuruh berhenti: *mereka ~ dua buah beca yg lain di hadapan mereka;*

tersetop tidak diteruskan (perjalanan, percakapan, dll), terhenti;

setopan Id tempat berhenti (bas dll), perhentian;

penyetopan perihal atau perbuatan menyetop (menahan supaya berhenti).

setori Id, bp bising (orang bergaduh dll).

setoter Id bermain daun terup.

setrap IB, bp hukuman atau denda (di sekolah), dera;

setrapan hukuman, denda.

setrat ark IB, bp jalan raya, lebu.

setrik IB, bp pita sutera (utk mengikat rambut dll).

setrimin Id sj jaring kawat (halus).

setrip IB **1.** garis yg lebar-lebar, jalur (perhiasan, tanda, dll), senggatan (pd alat pengukur); **2.** tanda, pangkat di lengan;

menyetrip membubuh (memasang) setrip.

setrum IB, bp aliran elektrik;

menyetrum **1.** mengalirkan elektrik kpd sesuatu; **2.** ki mempengaruhi orang dgn kuasa batin.

setrup IB air sirap.

setu I Jw, sl berkat, pesona, restu;

menyetui memberi restu (berkat), mempesona (dgn kata-kata hikmat dll): *disetui baginda semoga Jayeng Kesoma tiada makan oleh senjata; maka Raden Galoh pun disetui oleh Betara Kala, maka berubahlah rupanya laki-laki;*

penyetu orang (binatang) yg telah direstui.

setu II sj tumbuhan (herba di laut), deringan (jerangau, jeringan) laut, setul, *Enhalus spp.*

setu III; *ular* ~ sj ular yg biasa terdapat di tempat yg banyak pokok setu.

setubuh → tubuh.

setui 1. sj tumbuhan (pokok renek yg menjalar), ketuai, melapari, salang, *Derris trifoliata*; **2.** sj tumbuhan (pokok), sentul, setul, *Sandoricum indicum*.

setuju → tuju I.

setul → sentul.

setulang sj tumbuhan (pokok renek), leban nasi (pacat), pelong, selong cong, *Vitex gamosepala*.

setum IB wap (air); *naik* ~ bp naik darah, marah;
menyetum memasak dgn wap, mengukus.

setumpuk sj tumbuhan (pokok renek), melur jawa, pokok rabu kembang, rompok, *Clerodendron fragrans*.

setumpul sj tumbuhan (pokok), *Hydnocarpus spp.*

setunduk 1. sj tumbuhan (pokok), asam tunduk, belimbing besi (hutan), tetindung, *Connaropsis macrophylla*; **2.** sj tumbuhan (pokok), belimbing akar (besi, burung, kera, keris, penjuru, pipit), pupoi, *Connaropsis monophylla*; **3.** sj tumbuhan (pokok), belimbing cercak (hutan), gerigi, *Connaropsis sericea*.

setung I → restung I.

setung II; ~ *jundur* sj tumbuhan (pokok), *Henslowia buxifolia*.

setup IB buah-buahan yg dimasak (direbus atau dikukus).

seturi → kesturi I.

seturu Jk sekumpulan, sekawan, segerombolan.

sewa (séwa) 1. penggunaan (peminjaman) sesuatu dgn membayar wang: *segala yg bersabit dgn tanah itu spt jual beli, gadai-menggadai, ~, dll mestilah didaftarkan*; **2.** sesuatu (kereta, rumah, dll) yg boleh digunakan dgn membayar wang: *kereta ~; rumah ~; tanah ~*; **3.** wang yg dibayarkan utk menggunakan sesuatu, tambang (bkn kenderaan): *~ rumah kami sangat murah; ~ pergi balik; ~ beli*

urus niaga atau sistem jual beli yg membolehkan pembeli memperoleh atau menggunakan barang (spt kereta dll) yg dibelinya dgn hanya membayar sejumlah wang pendahuluan dan kemudian menyelesaikan bayaran baki harga barang tersebut secara ansuran;

menyewa menggunakan (meminjam) dgn membayar sewa: *sekarang mereka ~ sebuah bilik kecil;*

menyewakan = **mempersewakan** memberi orang lain menggunakan sesuatu dgn mengutip sewa: *tuan rumah itu juga turut tertangkap kerana ~ rumahnya utk tempat berjudi; rumah-rumah petak itu didirikannya utk dipersewakan;*

tersewa berupaya (mampu) membayar sewanya: *saya berpindah dr sebuah kedai ke rumah petak kecil, disewa berkongsi-kongsi, sebab tidak ~ sendiri;*

sewaan sesuatu yg disewa (disewakan): *selepas perang mereka tinggal di sebuah bilik ~ kepunyaan seorang saudagar India;*

penyewaan perbuatan menyewa(kan);

penyewa **1.** orang yg menyewa: *di serambi rumah itu memang banyak disediakan kerusi utk ~ duduk-duduk mengambil angin waktu petang;* **2.** wang dll utk membayar sewa: *wang ~ rumah; ~ kecil orang lain yg menyewa tanah, rumah dsb drpd penyewa utamanya.*

sewah (séwah) **I;** ~ *tekukur* sj burung, *Cuculus vagans*.

sewah (séwah) **II** Kl; **menyewah** **1.** terbang melayang rendah (spt helang dll); **2.** menyambar (bkn helang).

sewah (séwah) **III** → **sewar**.

sewaka (séwaka) ark; **bersewaka** sl duduk menghambakan diri (kpd raja, orang-orang besar, dll), duduk menumpang di rumah orang (dgn menolong tuan rumah bekerja dll).

sewal (séwal) ark sial.

sewar (séwar) sl senjata yg menyerupai tumbuk lada tetapi matanya lebih melengkung.

sewat (séwat); **menyewat** mengambil sesuatu benda dgn pantas, mencuri, menyambar: *ia pun berlari, disewatnya suatu benda yg terletak di atas meja itu.*

sewel (séwél) bp tidak begitu waras atau siuman, kegila-gilaan, kemamar.

sewu (séwu) Jw seribu.

seyek (séyék) Kl; **menyeyek** mencarik (kertas dll), mengoyak.

seyogia → **yogia**.

sfera (sféra) objek (benda) atau rajah yg berbentuk spt bola.

sferometer (sférométer) (Fiz) alat utk mengukur kelengkungan sesuatu permukaan kanta atau cermin.

Sg. kep Sungai: ~ *Pahang*.

Sherpa suku kaum di pergunungan Himalaya yg tinggal di sempadan Nepal dan Tibet, yg berkemahiran mendaki gunung, sering menjadi pengiring, pemandu arah, pembawa barang dsb utk pendaki gunung.

si I **1.** kata penyerta yg digunakan di depan nama orang (sbg timang-timangan, panggilan, ejekan atau sbg penghinaan): *S~ Ali; ~ bisu; ~ bodoh; ~ bongsu; ~ hitam; ~ pencuri*; **2.** kata penyerta yg digunakan di depan nama sendiri (utk merendahkan diri): *S~ Tuah tidak mahu menderhaka kpd tuannya*; **3.** kata penyerta utk menegaskan orang yg melakukan atau yg terkena sesuatu: *~ mati; ~ penjual; ~ piutang; ~ pencuri; ~ tertuduh.*

si II awalan pd berbagai-bagai nama binatang atau tumbuhan, se: *~dingin; ~kedidi; ~tawar.*

si III 1. kata yg bergabung dgn imbuhan *ber-* utk menyatakan diri membuat sesuatu; *bersibisu* berbuat spt orang bisu (berbuat-buat bisu); *bersitidak tahu* berpura-pura tidak tahu; **2.** kata yg bergabung dgn imbuhan *ber-* dan *-an* utk menyatakan saling berbuat sesuatu; *bersipandangan* berpandang-pandangan.

si IV Jk, bp **1.** agaknya, gerangan: *siapa ~ yg bertanya ke mari tadi?* **2.** memang, benar, sungguh; **sih.**

Si simbol kimia bagi silikon.

SI kep *Système International (d'Unités)* (Sistem Unit Antarabangsa, iaitu set unit ukuran, mis meter, kilogram dan liter, utk kegunaan saintifik dan teknikal di seluruh dunia).

sia; *ikan ~ sj ikan darat, Mystacoleus marginatus.*

siaga Jw = *siap ~ siap sedia;*

kesiagaan keadaan siap sedia: *~ orang Melayu utk menarik kerisnya dlm membela diri.*

siah I; *~ layah* tergoyang-goyang (daun lalang ditiup angin dll), terhuyung-hayang (orang mabuk berjalan dll).

siah II; *~ palis* sj mantera utk menjauhkan (menolak) bahaya;

bersiah 1. berganjak ke tepi (utk mengelakkan sesuatu), menepi (utk memberi jalan dll): *waktu berpapasan jalan denganku, dia akan ~ seolah-olah takut terkena najis;* **2.** ark berlari dgn tidak tentu arah, berlari tunggang-langgang;

menyiah, menyiahkan 1. mengganjalkan ke tepi, mengetepikan; **2.** menguakkan (menolakkan) ke tepi: *~ rambut;* **3.** ki mengelakkan bahaya dll: *apabila hari hendak hujan, disiahkan pula hujan itu ke tempat lain dgn isyarat dan ilmu.*

siak 1. orang yg hidup miskin (biasanya tinggal di masjid dan mendapat rezeki drpd sedekah orang); **2.** orang yg kerjanya menjaga masjid, pengawal masjid: *lepas gendang maghrib ditabuh ~, dia cabut*

pulang; gentar ~ prb sifat orang siak jika terkejut lalu gaduh (gempar atau kecoh).

siak-siak; ~ *basyal* = ~ *jantan* sj tumbuhan (herba), benjuang, lenjuang benar, meroyan bakai (bungkus), senjuang, setagit, *Dianella ensifolia*; ~ *rimba* sj tumbuhan (rumpai), *Mapanis humilis*.

siakap 1. = ~ *putih* sj ikan laut, kakap (putih), *Lates calcarifer*; **2.** = ~ *merah* sj ikan laut, jenahak, kakap (merah), sendarat, ungar, *Lutjanus argentimaculatus*.

sial I 1. tidak beruntung (selalu gagal dlm mendapat sesuatu dll), tidak bernasib baik (selalu ditimpa kemalangan, selalu susah, dll), celaka, malang: *kami juga mengisahkan tentang tuah ~ masa hadapan anak-anak kami; ~ benar nasib mereka; ~ dangkalan sial benar; 2.* (yg) mendatangkan kecelakaan (kemalangan dll), (yg) tidak mendatangkan keuntungan (kebahagiaan dll): *menurut kepercayaan Inggeris, nombor 13 ialah suatu angka yg ~; besok mari ikut aku, kita tinggalkan tempat ~ ini; 3.* jahanam, si celaka (kata makian): *jangan sebut-sebut lagi nama perempuan ~ itu! ~ bercampur malang* prb kehidupan orang yg sangat sengsara (segala yg dihajati tidak diperoleh); *bagai menjenguk jerat ~* prb pergi ke sesuatu tempat tetapi utk sebentar sahaja, orang yg gemar berjalan-jalan;

menyialkan mendatangkan sial: *tidak cukup engkau dgn sial dirikau, kausialkan orang lain pula;*

sialan 1. orang yg (mendatangkan) sial; **2.** Id jahanam, celaka (kata makian): ~ *lu!*

kesialan perihal sial, kecelakaan: *tetapi Bidin berasa takut kalau-kalau ~ wang loteri itu akan membuatkan kapal yg ditumpanginya jadi kacau.*

sial II; ~ *menahun* a) sj tumbuhan (pokok), *Pternandra capitellata*; b) sj tumbuhan (pokok), lidah katak, *Pternandra coeruleascens*.

sialang I sarang lebah;

bersialang 1. berterbangan banyak-banyak atau berkerumun (lebah); **2.** Mn mengambil manisan dr sarang lebah.

sialang II = *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok tempat lebah suka bersarang), tualang, *Koompassia excelsa*.

sialit sj tumbuhan (rumpai utk ubat kencing nanah), *Scleria sumatrensis*.

siam I; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok renek), pokok lasana, *Acacia farnesiana*.

siam II; *burung* ~ sj burung, burung kuning, *Pyconotus a. atriceps*; *punai* ~ sj burung, *Treron b. bicinta*.

siam III Ar puasa; → □ **saum**.

Siam IV nama negara yg letaknya di utara Tanah Melayu, Muang Thai.

siamang I sj beruk yg besar (bertangan panjang dan tidak berekor), *Hylobates syndactylus*; *bagai* ~ kurang kayu prb bersusah hati kerana ketiadaan keperluan sehari-hari.

siamang II sj logam berwarna kelabu, tungsten.

sian bp sedemikian.

sianang sj ikan darat.

siang I 1. = ~ *hari* waktu dr matahari terbit hingga matahari terbenam, waktu matahari masih bersinar, lwn malam: *mereka berjanji akan berjumpa pd waktu ~*; *buta* ~ kurang pelihatan pd waktu siang; *maharaja* ~ matahari; **2.** = **siang-siang** lebih awal (drpd yg sepatutnya), tidak terlambat, cepat atau lekas: *wah, ~nya dapat kad jemputan!*; *kedai telah ditutup ~-~ lagi*; ~ malam siang dan malam;

~ *berpanas malam berembun* = malam berselimut embun, ~ bertudung awan prb perihal orang yg melarat dan miskin, tidak

mempunyai rumah tangga; *murai berkicau hari* ~ prb sesuatu yg sudah terang dan nyata; *takkan sebab ayam seekor mengetahui hari* ~ prb sesuatu pekerjaan yg dikerjakan oleh orang banyak itu tidak akan terganggu kalau hanya seorang sahaja yg tidak suka; **kesiangan** terlewat (bangun drpd tidur dll) hingga siang: *mereka semuanya ~ pagi itu kerana terlalu nyenyak tidur; spt bulan ~ hari prb muka yg pucat benar.*

siang II terang (halaman, kawasan, dll), bersih;

menyiang 1. = **menyiangi** mencabut rumput (semak dll) supaya bersih: *Hari Raya Pak Mat lumayan dgn duit, tanah perkuburan dia yg menyianginya; musim yg ketiga belum memberi apa-apa hasil lagi, padi masih disiangi; 2. = **mempersiang** membersihkan ikan (daging dll) sebelum dimasak: *aku telah disuruh oleh mereka ~ dua ekor ikan cencaru;**

menyiangkan menyiang (ikan, ayam dsb) utk: *selain membasuh pakaian dan mengemas rumah, dia juga sempat ~ ibunya ikan pd pagi itu.*

sianggit sj tumbuhan (rumpai), ara batu, daun misai kucing, rumput jalang (perih jarang, sekeduk, tahi ayam) selasih dandi, senorang kambing, tahi asu (anjing), *Ageratum conyzoides*.

sianida sj sebatian kimia yg sangat beracun.

sianogen (Kim) gas yg tidak berwarna, berbau sengit, sangat beracun dan larut dlm air, alkohol dan eter, digunakan dlm sintesis bahan organik yg lain dan juga sbg bahan pewartap.

sianometri (sianométri) kajian tentang langit dan pengukuran kebiruannya.

siantan; ~ *hutan a*) = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), jarum-jarum merah, pecah periuk, penujuh, *Ixora chinensis*; b) sj tumbuhan (pokok),

delak ayam, jarum-jarum (jejerum, menjarum) merah, nipis kulit, *Ixora concinna*.

- siap** **1.** sudah sedia (pakaian, makanan, dll), sudah disediakan, mustaid: *makanan sudah ~*; **2.** selesai (dibuat dll): *ibuku sudah ~ bertanak dan menggulai*; **3.** = ~ *sedia* = ~ *siaga* sudah bersedia utk (melakukan sesuatu dll): *mereka sudah ~ utk menghadapi tugas*; **4.** = **bersiap** Id jaga sedia!, jaga baik-baik! (perintah dlm tentera);
- bersiap** **1.** = ~ *sedia* = ~ *lengkap* = **bersiap-siap** berjaga-jaga utk menghadapi sesuatu, berwaspada: *setelah kelihatan itu, maka masing-masing pun ~lah menghadapi perahu perompak itu*; **2.** berkemas atau bersedia mengaturkan sesuatu: *maka ia pun ~lah menghamparkan tikar yg cantik lalu menyuruh tamu naik*; **3.** Id siap (perintah dlm tentera);
- bersiap-siap, bersiap-siapan** membuat persediaan, berlengkap-lengkap, bersedia-sedia: *negeri Kuripan sedang ~ utk perkahwinan tuan puteri*;
- bersiapkan** sl = **mempersiapkan**: *Yang Di-pertuan Muda pun menyuruh ~ segala kelengkapannya*;
- menyiapkan, mempersiapkan** **1.** menyediakan, mengadakan: *isterinya ~ makan pagi*; **2.** menyudahkan (menyelesaikan) sesuatu pekerjaan: *berilah aku masa yg cukup utk ~ pekerjaan ini*; **3.** melengkapkan (mengemaskan) sesuatu utk: *disiapkannya sebuah perahu utk belayar*; **4.** mengusahakan, membentuk, membuat: *mereka sedang mempersiapkan sebuah undang-undang yg akan mencegah perbuatan rasuah*;
- persiapan** **1.** perihal bersiap-siap (mempersiapkan): *empat pasukan bola sepak sedang giat menjalani latihan sbg ~ utk merebut gelaran johan*; **2.** segala sesuatu yg disiapkan, kelengkapan, persediaan: *ia pun pulang utk membuat ~ belayar*;

beberapa hari sebelum perkahwinan itu diadakan, ~ -- telah dibuat;

penyiapan perbuatan menyiapkan atau menyudahkan sesuatu (bangunan dll).

siapa 1. kata utk menanyakan orang, orang mana: *~ yg mengusik awak?*

2. kata utk menanyakan nama orang: *~ nama kamu?* **3.** kata utk menyatakan orang secara umum, orang yg tidak tentu; *~ yg makan cabai, dialah berasa pedas* prb yg berbuat salah akan berasa; *tiada ~ tiada seorang pun;*

~ lagi a) = ~ pula adakah orang lain lagi; b) siapa selanjutnya (suka, mahu membeli, dll); *~ lu ~ gua* Id, bp masing-masing membuat hal sendiri (tidak bertolong bantu); *~ pun = ~ sahaja* a) barang siapa; b) sebarang orang, siapa juga;

sesiapa siapa-siapa: *~ sahaja boleh menyertai peraduan ini;*

siapa-siapa 1. orang yg tertentu: *kakak tidak menunggu ~;* **2.** siapa juga, siapa pun: *aku tidak mahu menyalahkan ~, sekalipun engkau;* **3.** barang siapa, seseorang (orang yg tidak tentu): *~ yg didapati bersalah, akan dihukum.*

siapuh bp kata utk menyelang nyanyian keroncong.

siar I; menyiarkan 1. menghebahkan kpd orang ramai (melalui radio, televisyen, surat khabar, dll), mengumumkan: *berita itu telah disiarkan melalui radio;* **2.** memasukkan (gambar dll ke dlm majalah, surat khabar, dll) dan menerbitkannya: *memang sudah biasa majalah itu ~ gambar dan kisah jenayah;* **3.** memperkembangkan atau menyebarkan (agama, pendapat, dll); **4.** memancarkan (cahaya dll); **5.** membawa ke serata tempat, menyebarkan, menyebarkan; *~ raya* alat utk membuat pengumuman, mis pembesar suara, dlm sesuatu majlis, perayaan dsb;

tersiar 1. telah dihebahkan (diumumkan, dikhabarkan ke merata-rata), tersebar ke mana-mana: *khabar telah ~ bahawa peperangan telah berakhir*; **2.** telah diterbitkan dan dijual (buku, majalah, dll): *kesemua cerpen dlm kumpulan ini telah ~ dlm mingguan Utusan Zaman*;

siaran sesuatu yg disiarkan atau diterbitkan (pengumuman, berita, dll): *aku hendak mendengar semua ~ radio hari ini*; *surat ~ surat* yg disebarkan kpd orang ramai;

persiaran ark pengumuman, pemberitahuan;

penyiaran 1. perbuatan menyiarkan: *~ agama Islam di Tanah Melayu*; **2.** (Kom) aktiviti mengadakan dan memancarkan rancangan radio dan televisyen kpd khalayak di sekitar kawasan yg dapat diliputi oleh alat penerima siaran dgn menggunakan sistem analog, satelit atau kabel;

penyiar 1. orang yg menyiarkan, pengembang (agama); **2.** alat pemancar (radio dll); **3.** penerbit dan penjual (buku dll); **4.** petugas radio dan televisyen yg terlibat secara langsung dlm aktiviti penyiaran rancangan media elektronik.

siar II; bersiar, bersiar-siar ark berjalan-jalan (mengambil angin dll), bertemasya: *malam itu, Maskam membawanya ~ ke taman bunga*;

persiaran 1. hal atau perbuatan bersiar-siar: *bas ~*; **2.** tempat (kawasan, jalan dsb) bersiar atau bersiar-siar;

persiar; *kapal ~ kapal* utk bertemasya (bersuka-suka) di laut.

siar III Mn; *~ bakar* perihal membakar dgn sesuka hati (rumah dll); *~ bakar berpuntung suluh* prb sesuatu perkara itu boleh diputuskan setelah cukup bukti dan keterangannya;

menyiar membakar, menunu;

tersiar terbakar.

siar IV perekat (drpd simen dll) batu bata, turap;

menyiar merekatkan bata dgn bata, menurap.

siar V; *daun* ~ sj tumbuhan (pokok menjalar), segeger, *Lycopodium cernum*.

siar VI Kl, Ph, Tr sembuh (penyakit).

siar VII Br; *udang* ~ sj udang kecil.

siarah, siarat; *bintang* ~ planet yg beredar mengelilingi matahari (Marikh, Musytari, Zuhrah, dll), kaukab.

siarawan (Kom) orang yg terlibat secara langsung dlm aktiviti merancang, menyediakan dan menyiarkan rancangan utk disalurkan melalui media elektronik: *kebebasan ini sudah disalahgunakan oleh ~ stesen radio swasta*.

siasah 1. pengetahuan yg bersangkutan dgn hal-hal kenegaraan (pemerintahan dll), politik: *orang asing yg tinggal di negeri ini telah diingatkan supaya jangan mencampuri hal-hal ~ negeri kita; parti* ~ parti politik; **2.** kebijaksanaan (kebolehan, muslihat) utk mencapai sesuatu maksud: *sekarang ia sedang mengatur ~ hendak membalas sakit hatinya; ~ perang muslihat (tipu helah) peperangan; → □siasat I.*

siasat I 1. pemeriksaan (yg teliti), penyelidikan: *mereka bersidang utk menjalankan ~ berhubung dgn keselamatan dlm negeri, sama ada perkara itu benar atau tidak; terlalu sangat periksa dan ~nya; badan* ~ badan penyelidik (mencari keterangan); **2.** teguran, celaan, kecaman, kritik; **3.** segala sesuatu yg bersangkutan dgn kenegaraan (pemerintahan negeri), siasah, politik: *campur tangan Belanda dan Inggeris dlm ~ Alam Melayu juga dikisahkan dlm buku tersebut; 4. kebijaksanaan (kebolehan, kecekapan, dll) mengerjakan sesuatu (mencapai sesuatu maksud), muslihat, taktik: *ahli negara Byzantium telah menjalankan suatu ~ licin utk**

melemahkan kaum Muslimin di Timur dan orang Kristian di Eropah Barat;

~ bumi hangus tindakan memusnahkan segala yg dianggap penting bagi musuh; *~ dunia* politik dunia; *~ kura-kura* bp tindakan yg diambil mengikut keadaan; *~ luar negeri* politik luar negeri; *~ perang* muslihat dlm peperangan; *~ perniagaan* hal (ilmu pengetahuan, putar belit) dlm perniagaan;

bersiasat **1.** membuat penyelidikan (pemeriksaan) dgn bertanya dll; **2.** menggunakan siasat (taktik, kebijaksanaan, muslihat, dll) utk mencapai sesuatu maksud, berdiplomasi;

menyiasat, menyiasati **1.** menyelidiki (memeriksa) sesuatu perkara yg belum terang, mencari keterangan bkn sesuatu perkara, mengusut: *kerajaan berjanji akan ~ aduan-aduan itu; kalau disiasati dgn lebih teliti, agaknya mudahlah dijejaki pembunuh-pembunuh itu;* **2.** menghuraikan (sesuatu perkara dll), menyelidiki (utk mengetahui kebenaran dll), menelaah: *doktor sedang ~ apa jenisnya penyakit itu; mereka mempercayai apa sahaja yg mereka dengar dgn tiada ~ atau menguji kebenarannya;* **3.** menanyai atau menyoal (utk mengetahui sesuatu), menemu duga: *mereka telah dibawa ke Ipoh utk disiasat;*

siasatan **1.** hasil drpd menyiasat, kajian, siasat: *lima puluh tahun dahulu sudah ada beberapa kertas ~ bkn dgn atom itu;* **2.** perihal menyiasat (menyelidik, mengusut): *~ ini dijalankan dgn bertanya kpd beberapa orang yg tahu sedikit sebanyak tentang pembunuhan itu;*

penyiasatan perbuatan menyiasat (menyelidik), pemeriksaan, penyelidikan: *pihak-pihak berkuasa cuba mengadakan ~ tentang harta, tanggungan, dan pendapatan ahli-ahli yg hendak meminjam;*

penyiasat orang yg menyiasat, penyelidik.

siasat II sl hukuman, aniaya, seksa;

menyiasat, menyiasatkan menghukum, menganiaya, menyeksa.

sia-sia 1. tidak berguna, tidak bermanfaat, tidak mendapat apa-apa hasil, percuma, sesia: *membuang wang dgn ~; ~ berbuat baik kpd orang yg tidak berbudi; dia tidak membuang masanya dgn ~; 2.* kurang berhati-hati (ketika melakukan sesuatu), dgn sembarangan sahaja: *menuduh orang dgn ~ sahaja;*

~ hutang tumbuh prb jika terlalu berani membuat sesuatu, akhirnya hutang akan bertimbun; *~ negeri alah* prb pekerjaan yg dilakukan dgn kurang hati-hati itu akan mendatangkan bahaya dan kerugian;

bersia-sia tidak berguna, percuma;

mensia-siakan 1. menjadikan (menganggap) sia-sia, tidak mahu mempergunakan, menganggap enteng, membuang-buang (wang, tenaga, dll) dgn percuma: *sayang hari mudamu kausia-siakan dgn menunggu orang yg telah meninggalkan engkau; mereka sanggup ~ umur kerana mencari-cari guru atau imam yg maksum; 2.* tidak mengendahkan atau mempedulikan (janji, kewajiban, dll), mengecewakan (harapan dll), mengabaikan: *aku tidak akan ~ kau apabila kau jadi isteriku;*

~ hidup merosakkan hidup; *~ nyawa* a) membuang nyawa dgn sia-sia; b) merosakkan hidup; *~ umur* menjadi tua dgn tidak menghasilkan apa-apa;

tersia-sia tidak berguna: *kerana tidak mendapat pelajaran dan latihan yg sempurna, banyak anak muda kita yg ~ hidup mereka;*

kesia-siaan hal yg sia-sia: *sudah ngeri hamba mengira-ngirakan ~ hamba.*

siat I; menyiat mencarik halus-halus (dgn tangan, gigi, paruh, dll), mencarik (kertas), mengoyak (kulit drpd daging, kertas, dll), menguliti: *gigi yg berjenis-jenis itu digunakan utk memotong, ~, mengisar, dan menghancurkan makanan; kadang-kadang majalah ayahnya disiatnya dan dibuatnya kapal atau layang-layang;*
menyiat-nyiatkan ki menghancurkan sesuatu hingga berkecai: *aku merasakan pertengkaran kali ini spt ~ hatiku;*
tersiat terpisah kulit drpd daging, terkelupas (kulit), tercarik: *rambutnya direntap-rentap spt hendak ~ kulit kepala;* → **sayat I.**

siat II Kl tak usah, jangan.

siau sejuk semula (air panas, besi panas, dll), tidak panas lagi (tubuh orang demam).

sibar = **sibar-sibar** **1.** tambahan atau lapisan pd tepi baju dll; **2.** binaan tambahan (anjung, serambi, dll) pd rumah besar.

sibar-sibar sj serangga (*Crocothemis servilia, Neurothemis fluctuans, Thyothemis Phyllis, Nannophya pygmaea* dll); **sibur-sibur.**

siber berkaitan dgn komputer dan Internet: *Internet ibarat pasar raksasa yg menemukan pembeli dgn penjual dlm ruang ~; ibu bapa kini menghadapi cabaran yg lebih besar dlm mendidik anak-anak yg membesar dlm dunia ~.*

siberfobia perasaan cemas atau takut terhadap komputer.

sibernetik (sibernétik) kajian yg berkaitan dgn kawalan dan komunikasi pd sistem elektronik yg kompleks, serta pd sistem saraf dan otak haiwan, khususnya manusia.

sibir Mn kerat, cabik, potong;

sesibir secarik, secabik, sekerat;

sibiran serpihan, keratan, pecahan; ~ *tulang* ki anak, kekasih, buah hati.

sibu sj tumbuhan (herba), pokok telur belangkas, siku dengan, siku-siku, *Oldenlandia corymbosa*.

sibuk I **1.** banyak yg dilakukan atau diurus, asyik mengerjakan sesuatu, giat dan rajin (mengerjakan sesuatu), hibuk: *di rumah, ibu sedang ~ memasak, menyediakan makan tengah hari*; **2.** banyak kendaraan lalu-lalang (bkn jalan raya), banyak kapal (kapal terbang) keluar masuk (mendarat dan berlepas) (bkn pelabuhan, lapangan terbang): *jalan raya itu ~ apabila pekerja-pekerja mulai pulang dr pejabat; kendaraan di Jalan Ampang ~ mundar-mandir*; **3.** suka mengambil tahu (mencampuri, mengganggu) hal (urusan) orang lain: *dia ~ bertanya ke sana ke mari tentang skandal artis tersebut*;

bersibuk sedang sibuk (asyik) mengerjakan sesuatu: *mereka berpura-pura ~ dgn benda-benda di atas meja*;

menyibukkan **1.** menjadikan sibuk, menyebabkan sibuk, menghibukkan; **2.** bersibuk tentang: *apa yg kau sibukkan benar*;

kesibukan **1.** perihal (keadaan dsb) sibuk, perihal (keadaan dsb) menghadapi atau dibebani banyak kerja (urusan dsb): *usaha itu terbengkalai utk beberapa ketika kerana ~ kerja*; **2.** perihal keadaan sibuk dgn kendaraan dll, kesesakan, keributan: *semakin jauh ia meninggalkan ibu kota, semakin reda pulalah ~ yg menggila itu*;

penyibuk orang yg suka mengambil tahu, mencampuri atau mengganggu hal orang lain: *jangan suka jadi ~*.

sibuk II Mn; **menyibuk** mengintai, mengintip.

sibur sj pencedok air (drpd tempurung), gayung;

menyibur mencedok dgn sibur.

sibur-sibur sj serangga, capung; → □ **sibar-sibar**.

sibusuk → □ **sebusuk**.

sice IB, bp satu set kerusi meja (satu meja dan empat kerusi), selengkap kerusi meja.

sida sl gelaran orang drpd keturunan bangsawan;

sida-sida sl **1.** pegawai dlm istana (semacam pendeta); **2.** pegawai dlm istana yg telah dikasi (dikembiri);

menyidai sl mengasi, mengembiri.

sidaguri → □ **seleguri**.

sidai; bersidai **1.** bergantung pd sesuatu yg lebih tinggi dr tanah, lantai dll (bkn kain baju dll): *kain yg basah itu kelihatan ~ di ampaian;* **2.** ki duduk-duduk di sesuatu tempat (biasanya di tembok dsb) tanpa tujuan: *mereka memilih utk ~ di pusat membeli-belah dan di tembok-tembok bangunan;*

bersidaian bersidai di sana sini (kain baju dll), bergantungan, bersangkutan: *kain-kain buruk ~ di dinding;*

menyidai menggantung (kain baju dll) supaya kering, mengampai, menjemur: *kain-kain yg bergulung tadi hendaklah disidai semula;*

menyidaikan menyidai utk: *dia ~ ibunya kain-kain yg baru dibasuh itu di ampaian;*

tersidai tersangkut (kain baju dll), tergantung: *di ampaian kain, masih ada ~ sehelai baju tidur;*

sidaian tempat menyidai (pakaian dsb), ampaian: *aku menyusup melalui ~ kain;*

penyidai tempat menyidai (drpd tali, dawai, dll), ampaian: *~ hendaklah dibuat di tempat lapang yg mendapat cahaya matahari.*

sidang **I** **1.** seluruh ahli (majlis, badan, dewan mesyuarat, dll), sekalian anggota: *~ mesyuarat;* *~ majlis* semua orang yg hadir dlm majlis; **2.** sekalian, para, segala (utk menyatakan banyak): *~ pendengar;* **3.** = **persidangan** perjumpaan (utk membincangkan sesuatu), mesyuarat, rapat: *masing-masing yg hadir dlm ~ tersebut*

mempunyai tafsirannya tersendiri terhadap dasar itu; Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menanggukkan ~ yg sedang membahaskan krisis di Timur Tengah; 4. ark dewan, majlis; ~ perang majlis perang;

~ (persidangan) akhbar penerangan atau penjelasan yg diberi oleh seseorang (menteri, pegawai kerajaan, dll) kpd pemberita akhbar; ~ jemaah a) = ~ Jumaat orang yg bersembahyang Jumaat; b) Id segolongan drpd masyarakat Kristian; ~ kemuncak persidangan atau mesyuarat yg diadakan pd peringkat tertinggi (oleh ketua-ketua negara dll); ~ pembaca segala orang yg membaca, para pembaca; ~ pengarang setiap anggota pengarang (pd sesebuah penerbitan dll), anggota redaksi; ~ pengurus a) badan atau majlis yg mengurus sesuatu perniagaan (penerbitan dll); b) setiap anggota pengurus; ~ pleno sidang lengkap (drpd seluruh ahli); ~ ramai orang ramai, masyarakat seluruhnya; ~ tergepar mesyuarat yg diadakan secara tergepar (utk menyelesaikan sesuatu); ~ tertutup sidang utk para ahli sahaja; ~ video perbincangan dsb yg menggunakan alat komunikasi yg membolehkan dua individu atau lebih dr tempat yg berlainan berbincang dan melihat wajah antara satu sama lain;

bersidang mengadakan sidang atau persidangan, bertemu utk berunding, bermesyuarat: *pahlawan-pahlawan Melayu sedang ~ utk menyusun langkah menyerang musuh.*

sidang II ketua kampung.

sidang III 1. berhenti (hujan dll), reda; **2.** Kl berkurang (sakit dll), beransur pulih.

siddi ark; *purnama* ~ bulan penuh purnama.

siddiq Ar sifat benar dlm pertuturan (salah satu sifat Rasulullah yg wajib dipercayai).

sidi I sl sj gelaran pd pangkal nama: *S~ Ali Hishamuddin*.

sidi II 1. sl makbul atau diterima (doa, jampi, dll), sah: *sah ~ pengajaran guruku*; **2.** Id anggota yg sah (dr gereja Kristian Protestan).

sidik I; *~ jari* Id a) pemeriksaan bekas garis-garis atau retak pd jari (utk mengetahui atau membeza-bezakan orang); b) cap (ibu) jari, cap jempol; *~midik* siasatan (pemeriksaan yg teliti sekali);

menyidik sl memeriksa (menyelidik) dgn hati-hati; → □ **selidik**.

sidik II Ar; *fajar ~ menjelang pagi, dinihari*.

siding 1. sj jerat drpd rotan (utk menangkap burung, kijang, dll); **2.** Id segi yg tajam.

sidingin .→ **sedingin**.

Sidratulmuntaha Ar suatu tempat yg paling tinggi di langit ketujuh yg telah dikunjungi Nabi Muhammad SAW semasa Mikraj.

siduga Mn; **bersiduga** berlari berdahulu-dahuluan, berlumba.

siena (siéna) sj tanah liat yg digunakan sbg bahan pewarna.

siera (siéra) (Geog) banjaran gunung yg panjang dgn puncak yg bercerancang dan lereng yg curam, terutamanya di Sepanyol dan Amerika Selatan.

sifar (angka) kosong.

sifat 1. keadaan atau rupa sesuatu benda yg dapat dilihat: *adapun ~nya itu kulihat tinggi besar, mukanya bujur sirih; kekurangan ~ cacat pd badan*; **2.** keadaan yg dipunyai oleh sesuatu (benda, orang dll), tanda-tanda yg khas utk mengenal sesuatu benda: *puisi mempunyai ~ yg berlainan drpd prosa; ~ kimia sesuatu asid*; **3.** (dasar) pembawaan seseorang, perangai, tabiat, watak: *itu sudah ~ seorang perempuan*;

bersifat mempunyai sifat: *seni ~ universal; manusia ~ lemah*;

menyifatkan 1. menggambarkan, mengisahkan, menceritakan: *dapatkah kamu ~ bagaimana rupa haiwan ini ketika ia masih*

hidup? 2. menganggap sesuatu sbg: beliau ~ mereka sbg musuh dlm selimut;

tersifatkan terperikan, terkatakan, terkhabarkan: *maka hairanlah hati Raja Iskandar, tiada dapat ~ lagi.*

sifatekun ark inersia.

sifatullah Ar sifat Allah.

sifilis sj penyakit kelamin yg kronik dan berjangkit, penyakit raja singa.

sifir daftar bilangan yg dipergandakan berturut-turut (spt 2 □□1, 2 □□2, 2 □□3, dll), daftar kalia, kali-kali.

sifon I sj bahan (kain) yg lembut, nipis, halus, dan jarang.

sifon II 1. tiub yg digunakan utk mengeluarkan cecair dr sesuatu bekas dgn menggunakan tekanan udara apabila satu hujung tiub berada di dlm bekas dan hujung yg satu lagi berada pd kedudukan yg lebih rendah; **2.** organ bertub pd haiwan spt moluska, tempat lalunya air.

sigai I 1. pasak yg dipasang pd tiang (buluh dll) tempat berpijak apabila memanjat; **2.** = *tangga* ~ tangga yg dibuat drpd batang kayu (buluh dll) yg mempunyai pasak-pasak tempat berpijak;

~ *dua segeragai* prb perkara yg ada sangkut pautnya dgn perkara yg lain; *enau mencari* ~ prb perempuan mencari lelaki;

menyigai memanjat (pokok dll) dgn menggunakan sigai; *disigai sampai ke langit* = *tinggi di sigai besar diterbang* prb dicari atau diselidiki dgn sedaya upaya; **senigai.**

sigai II Kd, bk pukul, hentam.

sigak sr pergi, nyah (utk menghalau anjing).

sigando ark sj tumbuhan (bebawang), *Allium odorum*.

siganjur → □ **ganjur II.**

sigap pantas, cepat, cergas, tangkas (bkn gerak-geri): *memang gadis-gadis itu ~ dan cekatan;*

bersigap bersiap sedia (utk melakukan sesuatu), bersikap: *ia pun ~ memegang senjata;*

kesigapan perihal sigap, kecekapan, ketangkasan: *dlm kejadian ini, kelihatan betapa ~ doktor-doktor, berjuang membasmi penyakit.*

sigar sj kain penutup kepala perempuan (ketika turun ke sawah dll).

sigaret (sigarét) bp rokok.

sigasir sj cengkerik, *Gymnogryllus elegans*.

sigenting sj tebuhan (yg genting pinggangnya), *Sceliphron madraspatanum*.

sigi I sj suluh (drpd kayu yg berdamar atau bilah buluh);

menyigi 1. menyuluh dgn sigi, menerangi: *maka diambilnya sebuah lampu minyak tanah, lalu disiginya ketiduran anaknya; 2.* ki menyelidiki dgn teliti.

sigi II gelang-gelang drpd besi dll (utk menguatkan pegangan hulu pd puting keris dll), temin.

sigi III; menyigi mencungkil (lubang), mengorek.

sigma huruf ke-18 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Σ , σ .

signal tanda utk menyatakan sesuatu, isyarat, semboyan.

signifikan bermakna, penting: *hal-hal yg ~.*

siguh sj tumbuhan (pokok kecil), buah catung, cerek rimba, kenidai badak, *Microdesmis caseariifolia*.

sigun sj tumbuhan (pokok), *Cryptocarya friffithiana*.

sigung I; menyigung menyentuh (menghentak) dgn siku, menyiku;

tersigung menyigung dgn tidak sengaja: *dia ~ gelas yg terletak di atas meja itu; → singgung I;*

sigung II sj musang yg berbau busuk, musang jebat, *Mydaus meliceps*.

sigup Br tembakau;

bersigup menghisap rokok, merokok.

sih Jk, sr memang, tentu; → **si IV**.

sihat **1.** tidak kena (menghidap) sebarang penyakit, tidak sakit-sakit, afiat, segar: *anak-anaknya ~~~ sahaja*; **2.** sembuh drpd sakit, pulih, betah: *aku ingin menolong engkau sampai anak engkau ~ spt sediakala*; **3.** ki dlm keadaan yg baik (elok, biasa, dll), berjalan dgn lancar (rancangan dll), masuk akal (pendapat dll), dapat diterima: *walaupun kami miskin tetapi rakyat kami ~ fikirannya*; **4.** berjalan (dilakukan dsb) dgn baik, tidak menimbulkan keburukan (persengketaan dsb): *mereka haruslah mengendalikan proses pembelian dgn berkesan agar wujud pertandingan yg ~ dlm pasaran*;

menyihatkan **1.** menjadikan sihat: *makanan itu tidak sedap tetapi mesti dimakan utk ~ badan*; **2.** memulihkan (spt sediakala atau lebih baik): *mereka didapati menghidap penyakit yg susah hendak disihatkan; cita-citanya ialah hendak ~ masyarakat yg telah rosak moral itu*; **3.** mendatangkan kebaikan kpd tubuh badan, berkhasiat: *makanan yg ~*;

penyihatan perihal menyihatkan;

kesihatan perihal sihat, kesegaran, kebaikan keadaan (badan dll): *Kementerian K~*.

sihir perbuatan (atau kejadian) luar biasa yg dilakukan oleh manusia secara tersembunyi (ghaib) yg melibatkan makhluk halus;

menyihir **1.** menggunakan sihir: *dia pandai ~*; **2.** mengenakan sihir pd, mempesona: *mengapakah jadi begini, adakah saudara telah ~ saya?*;

menyihiri menjadikan seseorang seolah-olah terpukau (oleh seni, kecantikan dsb): *manusia pd zaman itu disihiri oleh seni*;

menyihirkan menjadikan sesuatu sbg bahan utk membuat seseorang terpukau: *di sinilah ketakutan atau kengerian disihirkan kpd penonton;*

tersihir kena sihir atau disihir, terpesona, terpukau: *suasana dlm bilik itu kaku, seolah-olah ~ menyaksikan drama kehidupan yg tak terduga itu; jari-jarinya tidak bergerak lagi, seakan-akan ~, lalu kaku di mata mesin taip;*

penyihiran perihal atau perbuatan menyihir, menyihiri atau menyihirkan;

penyihir orang yg mengenakan (ilmu) sihir terhadap orang lain.

sijil 1. surat gulungan, daftar: *disuruh suratkan pd suatu ~ segala nama yg mengikrarkan tauhidnya;* **2.** surat akuan (dr sekolah, pihak berkuasa, dll), surat tanda lulus dlm sesuatu peperiksaan dll: *S~ Rendah Pelajaran;*

pensijilan pemberian atau penganugerahan sijil setelah seseorang atau sesuatu mencapai atau memenuhi syarat-syarat, piawai dsb yg dikehendaki atau ditetapkan: *~ itu melambangkan kualiti kereta Proton sekali gus meningkatkan keyakinan pengguna antarabangsa; sistem ~ terbuka Sijil Pelajaran Malaysia.*

sika I sini; *di ~ di sini.*

sika II; *baju ~ sj baju Melayu.*

sikah; *rupiah ~ sl sj mata wang di India.*

sikai sj rotan yg daunnya dibuat atap.

sikak C sebatang besi (digunakan sbg senjata).

sikang sj ikan darat, *Barilius guttatus.*

sikap I 1. = ~ *tubuh* bentuk tubuh, potongan badan, tokoh: *dgn takjubnya ia melihat rupa orang muda itu, terlalu amat baik parasnya dan ~nya;* **2.** gaya berdiri (bergerak, berpakai, dll): *hebat ~ lakunya;* **3.** perbuatan atau pandangan yg berdasarkan pd sesuatu

pendapat (fikiran dll): *dlm hatinya, dia mengutuk ~nya yg kurang adil itu; ~ wanita Pakistan terhadap perancangan keluarga telah berubah;*

bersikap **1.** berdiri tegak; **2.** berpegang pd pendapat (pendirian dll), berkelakuan, berlagak: *dia tidak sanggup melihat suaminya ~ begitu.*

sikap II → **sigap.**

sikap III; ~ *malam* = *burung (lang)* ~ sj burung helang, *Acupititer virgatus.*

sikap IV; *baju* ~ sj baju Melayu.

sikap V Br siap (berpakaian);

bersikap bersiap (berpakaian).

sikap VI Br; ~ *kiri* selalu menggunakan tangan kiri, kidal.

sikap VII; ~ *dada* sj tumbuhan (herba), *Oxalis corniculata.*

sikari sl sj tombak.

sikat I 1. alat utk menyisir rambut, sisir; **2.** sj alat utk membersihkan sesuatu (diperbuat drpd bulu dll), berus: ~ *gigi; ~ pakaian;* **3.** sj alat yg bergigi utk menggemburkan dan membersihkan tanah, pencakar, penggaruk, garu; **4.** tangkai (bahagian dr tandan) pisang: *berapa harga pisang ini se~?*

bersikat telah (sudah) disisir: *rambutnya ~ kemas;*

menyikat 1. menyisir (rambut) supaya kemas: *ia mengeluarkan sisir lalu ~ rambutnya yg agak kusut itu;* **2.** membersihkan dgn sikat, memberus: *gentian kapas itu disikat, dipintal dan disambung-sambungkan jadi benang;* **3.** menggembur dan membersihkan tanah dgn sikat (cakar): *tanah itu dibajak dan disikat;* **4.** Id, bp menghabiskan semua sekali (memakan hingga habis, mencuri, dll);

menyikatkan menyikat utk: *si ibu sedang ~ anaknya rambut.*

sikat II; *pohon* ~ sj tumbuhan (pokok renek), *Alchornea rugosa*.

sikedempung sj buah.

sikedidi sj burung; → **kedidi**.

sikeduduk → **senduduk**.

sikeras; **bersikeras** bertindak (berlaku) dgn keras, berkeras hati:

Pendekar Sutan ~ hendak menggadaikan setumpak sawah; □ →

□ **keras**.

siketumbak → **sikudomba**.

Sikh orang (golongan) yg menganut agama Sikhisme.

Sikhisme agama yg diasaskan oleh Guru Nanak (pd abad ke-16 di India)

dgn berteraskan kepercayaan pd satu Tuhan dan kitab Granth sbg

pegangan utama.

sikik sj tumbuhan (pokok), *Dodonaea viscosa*.

sikikih sj burung.

sikin sj pisau kecil.

sikit bp sedikit; □ → **dikit**.

sikjut sj tumbuhan (pokok kecil), tado ikan, *Aglaia salicifolia*.

siklik (Kim) bkn sebatian yg atom-atomnya tersusun dlm struktur gelang.

siklomorfosis (Bio) perubahan bentuk badan, mis serangga, yg disebabkan oleh pengaruh suhu.

siklon angin puting beliung.

siklostil sj mesin pendua yg menggunakan stensil;

mensiklostil menghasilkan banyak salinan dgn menggunakan siklostil.

siklotron (Fiz) alat yg digunakan utk memecutkan zarah bercas supaya mencapai tenaga yg tinggi.

sikoi Br tembikai.

siku I 1. persendian di antara lengan atas dgn lengan bawah; **2.** selekoh atau kelok (pd sungai, jalan, dll); **3.** = **siku-siku** = ~ *bedil* pangkal atau gagang senapang, popor;

~ *bersimpai* orang yg malas bekerja; ~ *jalan* selekoh atau kelok jalan; ~ *keluang* a) garisan yg patah-patah dan bersudut-sudut; b) selekoh jalan yg tajam; c) motif batik, anyaman, tembikar dsb yg berbentuk jalur runcing yg bersudut dan bertingkat-tingkat;

siku-siku, sesiku 1. sudut tepat, sudut 90° ; **2.** a) sj alat berbentuk 'L' atau 'T' (utk melukis atau mengukur sesuatu sudut tepat); b) sj alat segi tiga drpd kayu dll (dan bersudut 90° , 60° , dan 30° atau 90° , 45° , dan 45°); **3.** gagang senapang, siku bedil; **4.** = *kayu* ~ gading-gading;

bersiku ada sikunya;

menyiku 1. merupakan sudut 90° ; **2.** menyinggung dgn siku;

menyikukan menyinggung (dgn siku);

penyiku pukulan dgn siku.

siku II; ~ *dangan (dengan)* sj tumbuhan (herba), kerak nasi, sandar malam, sedap malam, sundal malam, *Polianthes tuberosa*; ~ *dengan* sj tumbuhan (herba), pokok telur belangkas, *Oldenlandia corymbosa*;

siku-siku 1. = ~ *dengan* sj tumbuhan (herba), pokok telur belangkas, *Oldenlandia corymbosa*; **2.** = *rumput* ~ sj tumbuhan (herba), *Striga asiatica*.

sikudidi burung kedidi;

bersikudidi berjengket-jengket.

sikudomba sj ikan laut yg besar.

sikut I Jw siku; *main* ~ = *main sikut-sikutan* bp a) menyinggung dgn siku (dlm permainan dll); b) berlaku curang, mencuri, menipu, dll;

menyikut 1. menyinggung (memukul) dgn siku; 2. bp bermain sikut.

sikut II Br; **menyikut** membawa sesuatu atau seseorang (di belakang tubuh).

sil I lapisan mendatar batuan igneus intrusif yg merentang di antara lapisan-lapisan batuan lain.

sil II anjing laut.

sila I = **silalah, silakan, silakanlah** minta dgn hormat supaya ..., jemputlah, sudilah: *~lah, kekanda;*

menyilakan, mempersilakan meminta (menjemput, mengajak) dgn hormat supaya ...: *ibu telah ~ perempuan yg datang itu duduk dekatnya; dia menuangkan air lalu mempersilakan abang sepupunya minum; semua yg berbakat dlm memasak dipersilakan menghantar resepi asli mereka, bersama kupon yg disediakan;*

tersila terserah (terpulang) kpd.

sila II duduk dgn kaki berlipat dan bersilang: *orang tua itu membetulkan ~nya sambil mengapur sirih; mengalih ~ beralih tempat duduk; mengorak ~ bangkit dr duduk;*

bersila duduk dgn melipat dan menyilangkan kaki: *seumur hidupnya tidak pernah dia makan ~;*

~ angkat duduk dgn melapiskan kaki ke atas paha yg lain; *~ panggung* duduk dgn bertindih kaki (tidak menyilangkan kaki);

menyilakan; *~ kaki* menyilangkan kaki (spt bersila).

sila III (Sanskrit) perbuatan yg mengikut peraturan, budi pekerti, adab; □

→ □ **pancasila, susila.**

silabik (Lin) berkaitan dgn suku kata: *lambang ~.*

silah sj senjata.

silah-silah salasilah.

silaj (Tani) makanan ternakan berupa tanaman spt rumput dan jagung yg masih hijau yg disimpan di dlm silo, biasanya digunakan sbg makanan lembu pd musim sejuk.

silalatu (Sunda) barang-barang kecil yg terbakar dan berterbangan ketika kebakaran.

silam I **1.** gelap (cuaca), kelam, suram: ~ *tidak lagi nampaknya terang*; **2.** sudah terbenam (matahari); **3.** telah lampau (lalu): *semuanya itu adalah cerita dahulu, kisah zaman ~ yg hanya dapat dikenang-kenang sahaja*;

menyilamkan **1.** menggelapkan, mengelamkan, menyuramkan; **2.** menenggelamkan, membenamkan;

tersilam kemalaman;

kesilaman keadaan (zaman silam).

silam II; *kapal* ~ kapal selam.

silambam sj seni mempertahankan diri dgn menggunakan sebatang kayu, buluh dsb di kalangan masyarakat India.

silampukau → **selempukau**.

silang **1.** bentuk spt salib (pangkah, palang) yg miring letaknya, bentuk spt tanda darab; **2.** = *kayu* ~ kayu palang, salib; ~ *empat simpang empat* (jalan); ~ *gunting* bentuk atau rajah yg bersengkelang; ~ *kata* sj teka-teki utk mencari perkataan (dgn mengisi huruf-huruf dlm petak-petak yg disediakan); ~ *keris* bahagian hujung ganja (keris) yg tajam, kepit; ~ *pukang* tidak tersusun (letaknya), lintang-pukang; ~-*seli* selang-seli; ~ *selimpat* kusut tidak menentu, kacau sekali; ~ *selisih* a) = ~ *sengketa* tidak sesuai (fikiran, pendapat, dll), bertikaian; b) berlawanan arah, simpang-menyimpang;

~ berpangkal, kerja berjunjung = ~ berpangkal, kerakap berjumpa junjung prb dlm tiap-tiap pekerjaan mestilah ada ketua atau kepalanya supaya selamat;

bersilang 1. bersengkelang (spt salib atau tanda darab): *kedua-dua kakinya diangkat ke atas dan ia duduk bersila, kedua-dua tangannya ~ di tepi meja*; **2.** = **silang-menyilang** bersimpang-siur (jalan, motokar, dll), berpapasan (berselisih) letak atau duduk sesuatu, palang-memalang; ~ *selisih* berlawanan arah;

menyilangkan, mempersilangkan menjadikan atau meletakkan bersilang: *ia pergi berbaring di atas tempat tidur sambil ~ kakinya; kedua-dua belah kakinya disilangkan dan digoyang-goyangkan bagai ekor ikan*;

silang-menyilang bersengkelang letak atau duduknya (pedang, keris, dll), bersimpang-siur, berpapasan: *awan di langit ~*;

tersilang disilangkan: *ia berjalan mundur-mandir dgn tangan ~ ke belakang*;

silangan sesuatu yg letaknya (bentuknya dll) bersilang, silang: *mereka bersandar pd ~-~ papan yg sedang dikeringkan*;

persilangan 1. perihal bersilang; **2.** tempat pertemuan (jalan raya dll), persimpangan;

penyilangan perihal (proses atau perbuatan) menyilang atau menyilangkan sesuatu.

silang-siur 1. bersimpang-siur (jalan raya dll), simpang-menyimpang, saling merintang; **2.** hilir mudik (kenderaan dll), bersimpang-siur; **bersilang-siur** bersimpang-siur.

silap 1. salah pandangan atau perasaan (dgn yg sebenarnya); ~ *faham* tidak memahami apa yg sebenarnya; **2.** sl sulap, sunglap: *tukang ~*; **3.** = ~ *hati* tidak ingat apa-apa (kerana terlalu marah dll); **4.** salah

yg tidak disengajakan, khilaf: *kalau saya tidak ~, umurnya baru tiga puluh tahun;*

~ *gayung* KI telah melakukan sesuatu yg salah; ~ *langkah* tidak mengambil tindakan, keputusan dsb yg betul sehingga boleh mendatangkan kesan yg buruk; ~ *mata* a) sj permainan yg mengelirukan pandangan orang lain (membuat sesuatu yg aneh-aneh dll), sulap, sunglap; b) salah pandangan; c) silau; d) agak lupa, tidak sedar;

~ *cakap kena radak, hilang jiwa percuma saja* prb memperkatakan sesuatu perkara hendaklah hati-hati benar kerana buruk padahnya; ~ *mata, pecah kepala* prb kalau kurang hati-hati tentu akan mendapat bencana;

menyilap menjadikan silap (pandangan dll), mengelirukan, menipu;

tersilap (telah) melakukan kesalahan dgn tidak sengaja, tersalah, terkhilaf;

kesilapan perihal silap, kekeliruan, kekhilafan;

penyilap 1. tukang silap mata, tukang sunglap; 2. penipu.

silara rimbunan daun pd bahagian atas pokok.

silat sj seni (permainan dsb) atau kepandaian berjuang dgn menggunakan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri, pencak; jenis-jenisnya: ~ *cekak*, ~ *gayung*, ~ *pulut*; *ahli* ~ orang yg cekap (mahir) tentang silat;

bersilat bermain silat (pencak), berjuang dgn silat: *sebelah kanan orang memencak, sebelah kiri orang ~;* ~ *lidah (kata)* ki pandai memutarbalikkan perkataan, pandai berdalih (berhelah);

menyilat mengelak (pukulan, serangan, dll) dgn gerak silat, menangkis;

persilatan yg berkaitan dgn silat: *gimnasium itu akan dilengkapi pusat riadah, tempat latihan ~ dll; pertarungan silat yg menunjukkan kaedah ~; ~ lidah (kata) ki perbahasan dll dgn menguji kepandaian berkata-kata (memainkan kata-kata);*

pesilat orang yg bersilat: *~ sedang bersedia utk memulakan pertandingan.*

silaturahim Ar = *hubungan ~ = tali ~ hubungan persaudaraan (kekeluargaan, persahabatan);*

bersilaturahim mengadakan hubungan silaturahim: *ada waktu yg lama utk mereka ~ selepas makan.*

silaturahmi Ar persaudaraan, persahabatan: *perjumpaan ~.*

silau I kabur mata (kerana kena cahaya yg sangat terang): *~ mata kena sinar matahari;*

menyilaukan menyebabkan menjadi silau: *sinar matahari itu sungguh ~ matak;*

tersilau menjadi silau;

kesilauan 1. perihal silau; **2.** tersilau, menjadi silau: *mereka duduk itu diterangi oleh sorotan lampu kereta sehingga mata mereka ~.*

silau II; menyilau sl memandang (sesuatu yg jauh), meninjau: *mata datuk ~ ke seluruh ruang rumah.*

silengah (siléngah) Mn; **bersilengah** tidak mengendahkan apa-apa, bersikap tidak tahu: *ia tahu apa yg merawankan hati anaknya, tetapi ia pura-pura ~ saja; □ → lengah.*

silet (silét) Id; *pisau ~ sj pisau cukur (drpd besi nipis dan bermata dua).*

silia (Bio) bulu yg halus-halus yg terdapat pd bahagian-bahagian tertentu tumbuhan atau binatang.

silih I = *~ ganti = ~ sambut* saling berganti;

~ berganti berganti-ganti, bertukar-tukar; *~ mata* sesuatu yg digunakan utk mata sahaja (memberi banyak mas kahwin yg

kemudiannya akan dikembalikan secara diam-diam dll); *~-semilih* berturut-turut, ganti-berganti;

bersilih **1.** berubah menjadi ..., berganti, bertukar; *~ lapik* berkahwin dgn sanak atau dgn saudara isteri yg telah meninggal, bersalin tikar; **2.** = *~ ganti* bergilir-giliran, berganti-ganti;

menyilih **1.** memberi ganti (spt rugi dll), menggantikan, menukar; *~ rugi* menggantikan kerugian (orang); **2.** = *~ jadi* bertukar menjadi; **3.** bersalin kulit (ular dll); **4.** Mn ark meminjam (wang dll);

silihan benda yg digunakan utk mengganti; *~ perang* ark ganti rugi perang, pampasan perang.

silih II; *salah-~*; □ → **salah** I.

silik Mn; **menyilik** mengintai, mengintip.

silika (Geo) bahan yg terdapat dlm pasir, batu api, kuarza, dsb, dan digunakan utk membuat kaca.

silikat (Kim) sebatian yg mengandungi silika, yg digunakan utk membuat simen dan kaca.

silikon (Kim) sj unsur bukan logam yg terdapat dlm pasir, kuarza, dan granit, dan digunakan utk membuat komponen komputer, peralatan elektronik, kaca, dll.

silikone (Kim) sj bahan buatan yg rintang terhadap air, suhu, dll, dan digunakan utk membuat pelekat, pelincir, penyalut, penebat elektrik, dll.

silikosis (Ubat) sj penyakit yg menyerang paru-paru akibat tersedut udara yg mengandungi silika, terutamanya di kalangan mereka yg bekerja di lombong arang batu.

silinder **1.** bulat torak; **2.** sesuatu yg berbentuk bulat torak.

siling langit-langit rumah (drpd papan dll).

silir I angin yg lemah lembut; *~semilir* bertiup perlahan-lahan (angin dll);

bersilir-silir bertiup perlahan-lahan, atau sepoi-sepoi bahasa (angin), silir-semilir;

siliran tiupan angin yg lemah lembut; *angin ~* angin yg lemah lembut.

silir II; *kemeja ~* sj kemeja yg berbelah leher depannya, kemeja sport.

silir III; *~ bawang* kulit yg tipis, selaput.

silu 1. (Tani) lubang, parit atau silinder tinggi (drpd kayu atau konkrit) tempat membuat (menyimpan) makanan ternakan; **2.** binaan bawah tanah yg menyimpan peluru berpandu.

silogisme skema atau analisis logik yg dibuat berdasarkan premis umum dan khusus utk mendapatkan sesuatu kesimpulan (mis perempuan beranak, Aminah adalah perempuan, maka Aminah akan beranak).

silok Mn ark belum celik benar (mata orang yg baru terjaga dr tidur).

silu 1. berasa segan, malu, takut-takut: *dgn tidak ~~~ lagi, dia mendapatkan orang itu dan memeluknya*; **2.** berasa sedih (pilu, rawan, dll) hati; **3.** tidak senang mendengar (bunyi benda bergeser dll), ngilu;

menyilukan 1. = *~ diri* berlaku sopan sekali (gadis); **2.** memilukan (menyedihkan, merawankan) hati; **3.** menimbulkan ngilu.

siluet (siluét) imej atau gambar seseorang atau sesuatu dlm bentuk bayang.

siluk sj tumbuhan (pokok), kayu gambir, tapis kunyit, *Gironniera subae qualis*.

siluman 1. orang halus, orang bunian; **2.** ki tidak kelihatan, tersembunyi, ghaib.

silungkang sj tenunan (dr Silungkang).

silvik kajian terhadap sejarah hidup dan ciri am pokok hutan serta kepadatan pokok sbg asas bagi silvikultur.

silvikultur cabang perhutanan yg berkaitan dgn sistem pembangunan, pemeliharaan dan penghutanan semula kawasan balak berdasarkan pengetahuan silvik.

simaung Mn kepayang.

simbah I; bersimbah 1. basah (kerana disirami air, peluh, dll), kuyup: *mukanya kian lama semakin pucat penuh ~ peluh dingin; 2.* berlumuran (darah);

menyimbah 1. menyiram (dgn air dll hingga basah), memerciki, menyimbur: *kadang-kadang disimbahnya air ke perahu kawan yg berselisih; sanggupkah kau melihat darah merah ~ bumi? 2.* keluar dgn banyaknya (peluh): *keringat dinginnya juga telah ~ di dahinya;*

simbahan curahan.

simbah II Mn; bersimbah ditarik ke atas supaya pendek (kain, lengan baju, dll), disiah(kan), disingsingkan: *ada yg berlari sambil ~ kain;*

menyimbah, menyimbahkan 1. menyingsingkan (kain, baju, dll);
2. menyelak, menyingkap: *~ kelambu;*

tersimbah tersingsing, terselak, tersingkap.

simbai sl baik tingkah laku, sopan, tertib.

simbal alat muzik yg terbentuk drpd sepasang piring loyang yg dihantuk bersama atau dipalu dgn kayu utk menghasilkan bunyi: *alat-alat muzik Thai spt gendang, gong, dan ~.*

simbang I sj burung laut, *Fregata andrewsi*.

simbang II Mn; bersimbang bermain melambung-lambungkan batu dll ke atas dan menyambutnya kembali, seremban;

menyimbang melambungkan sesuatu ke atas dan kemudian menyambutnya kembali.

simbar sj tumbuhan (pakis yg daunnya dibuat ubat), *Drynaria sparsisora*;

~ *gadang* sj tumbuhan (pakis), kumpai lubang, *Ophioglossum pendulum*; ~ *watu* sj tumbuhan (pokok menjalar), rumput (paku) serani, rumput kenarus, *Lycopodium cernum*.

simbat sj jerat (perangkap).

simbion (Bio) organisma yg hidup secara simbiosis: *ada ~ yg hidup di dlm rongga badan perumah*.

simbiosis (Bio) perkaitan hidup antara dua spesies yg berlainan: *bakteria dan ikan buntal ini hidup secara ~*.

simbiotik (bkn hubungan erat) saling bergantung pd satu sama lain demi faedah dan kebaikan bersama: *jelas sekali wujudnya hubungan ~ antara kegiatan pertanian dgn perindustrian di Malaysia*.

simbol 1. sesuatu yg mewakili sesuatu yg lain, lambang, tanda: *raja berketurunan tidak dibuang tetapi dijadikan kepala negara sbg ~ kenegaraan*; **2.** ark contoh: *hiduplah dgn rukun dan damai supaya menjadi ~ kpd orang di dlm masyarakatmu*;

bersimbolkan menggunakan sesuatu sbg simbol, berlambangkan: *garisan lurus yg bercerun positif, ~ x dan y*.

simbolik berkaitan dgn lambang, sbg lambang, menjadi lambang: *ia terkenal dgn rumah adat bergonjong berwarna-warni, ~ drpd seni bangunan Minangkabau*; *hadiah itu disampaikan secara ~ kpd menteri*; *cerita ~*.

simbolis IB simbolik.

simbolisme 1. penggunaan simbol (lambang) utk melahirkan atau menyampaikan sesuatu; **2.** simbol(-simbol) atau lambang(-lambang) utk melahirkan sesuatu: *seperkara yg begitu menonjol*

dlm tiga buah sajaknya yg lain ialah unsur ~, meskipun lambang-lambang yg diterapkan bukanlah baru.

simbukan 1. sj tumbuhan (pokok renek), kesimbek, kesimbukan, merbuluh paya, sekentut, *Saprosma ternatum*; **2.** sj tumbuhan (pokok memanjat), *Tylophora asthmatica*.

simbur; bersimbur 1. = **menyimbur** menyimbah air dll dgn tangan, menyembur ke atas (air dll); **2.** ki disaput (oleh malam, gelap), diselubungi;

bersimbur-simbur, bersimbur-simburan saling menyimbah dgn air (ketika mandi bersama dll), saling memercik: *sambil mandi dan berkejar-kejar itu kami ~-simburan air pula*;

menyimbur menyimbah (memercik, menyiram) dgn air;

menyimburi memerciki, menyirami;

tersimbur 1. tersimbah (tersembur) dgn tiba-tiba, tiba-tiba menyimbur, terpercik: *tergeger kena rebas, ~ kena percik*; **2.** ki tersirap (darah), naik marah, dll.

simen (simén) 1. sj serbuk (drpd batu kapur, tanah liat, dll) utk perekat bata atau membuat tembok; **2.** campuran serbuk simen dgn pasir dan air utk membuat atau melapisi tembok dll; **3.** bahan utk menampal gigi yg berlubang; **4.** zat kapur yg membentuk lapisan luar gigi;

bersimen dibubuh plaster Paris pd kaki tangan atau bahagian tubuh yg lain utk melindungi tulang yg retak atau patah supaya pulih: *kutemui ayah yg terbaring dgn kaki kanannya ~*;

menyimen membubuh simen pd: *pekerja-pekerja yg sedang sibuk ~ lantai rumah banglo itu*.

simetri (simétri) kedua-dua belahnya sama, setangkup.

simfoni 1. sj gubahan muzik yg panjang utk dimainkan oleh orkestra; **2.** kumpulan pancaragam yg berpemimpin, mempunyai peralatan lengkap dan bilangan ahli muzik yg ramai.

simile (similé) perumpamaan yg secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu (orang, benda, dsb) dan yg lain, mis bodoh macam lembu.

simis I (Bio) kelopak bunga (yg berwarna), sari bunga.

simis II kain dalam wanita (dipakai di bawah skirt, kain kembang, dsb).

simpai I gelang-gelang (lingkar, bingkai) drpd rotan dll utk mengikat penyapu (meneguhkan sarung parang dll): *ia berkata sambil membetul-betulan ~ penyapunya;*

bersimpai diikat dgn simpai; *siku ~ ki pemalas;*

bersimpaikan menggunakan sesuatu atau diikat dsb dgn, sesuatu sbg simpai: *sebilah parang panjang ~ rotan;*

menyimpai memasang (membubuh) simpai;

tersimpai 1. telah diikat dgn simpai (penyapu dll); **2.** ki terikat dgn ketat dan kemas.

simpai II Mn sj kera, cipai, *Semnopithecus melalophos*.

simpan 1. sl singkat (cerita, kisah, dll), ringkas; *mengambil ~ meringkaskan (cerita dll), menyingkatkan;* **2.** cadangan; *hutan ~ hutan yg dipelihara sbg cadangan; tayar ~ tayar cadangan;*

bersimpan sl berkemas-kemas, bersiap sedia: *maka saudagar pun ~lah hendak membawa saudaranya; pandai makan tak pandai ~ prb orang yg tidak pandai menaruh rahsia;*

menyimpan 1. menaruh di tempat yg selamat (supaya tidak rosak, tidak hilang, dll): *barang itu disimpan dlm stor;* **2.** menghimpun (wang), menabung: *seorang biasanya ~ sebanyak 15 peratus drpd pendapatannya;* **3.** = **menyimpani** mengemas-ngemas supaya teratur atau tersusun (pinggan mangkuk dll); **4.** tidak membuang,

membiarkan, mengekalkan: *beliau telah menyingkirkan beberapa orang tokoh antikomunis dan ~ serta menambah lagi bilangan tokoh-tokoh yg prokomunis dlm kabinetnya; dia lebih suka ~ rambut panjang; 5. memendam (perasaan), menyembunyikan atau tidak melahirkan (perasaan): Mahmud juga ada ~ hati terhadap Ramlah; 6. memegang (rahsia) dgn teguh, merahsiakan; 7. menaruh (memakai, menggunakan) secara rahsia atau sulit: ia ada ~ seorang gundik; 8. memiliki dan memakai (ilmu pengetahuan biasanya ilmu batin), mempunyai; 9. mengandungi, memuat: ubat itu ~ pelbagai khasiat; 10. membuat peringatan atau catatan, merekodkan: ~ kira-kira;*

menyimpankan 1. menyimpan utk; 2. menyuruh simpan kpd;

tersimpan 1. (sudah) disimpan, terkandung: *kekayaan yg ~ dlm perbendaharaan bahasa; 2. sl terserah (terpulang) kpd: kami sekalian pun tiada akan dapat kami mengubat, ~ pelihara tuan kita;*

simpanan 1. sesuatu yg disimpan (wang, barang makanan, dll): *wang ~ wang yg disimpan; 2. sesuatu yg disimpan dan digunakan apabila diperlukan (pemain, tentera, dll), cadangan; tentera ~ tentera (bukan tentera biasa) yg dipanggil utk berkhidmat apabila diperlukan; 3. = tempat ~ = persimpanan tempat menyimpan;*

penyimpanan 1. perihal menyimpan; 2. tempat menyimpan (mengumpulkan);

penyimpan orang dll yg menyimpan: *akar ~ makanan dinamakan akar cepuk; ~ kira-kira orang yg memegang kira-kira (perniagaan dll).*

simpang sesuatu yg melencong atau bercabang dr yg lurus, tempat jalan (sungai dll) bercabang atau berpisah dr yg lurus: *sebuah lori berhenti tidak jauh dr ~ empat di pekan itu;*

~ *belahan* Mn sebahagian drpd sesuatu kaum atau cabang kaum (yg berpindah ke tempat lain, yg berjauhan tempatnya); ~ *jalan* cabang jalan; ~-*perenang* porak-peranda;

bersimpang 1. bercabang (jalan, sungai, dll), berbelah: *di tempat itu jalan tadi ~*; **2.** Mn tidak sehaluan, berlainan (pembawaan dll), berbeza (pendapat dll);

bersimpangan bertemu tetapi masing-masing dgn haluan sendiri, berselisih jalan;

menyimpang 1. melencong dr arah yg asal, membelok ke jalan lain: *ia tidak terus pulang, tetapi ~ ke rumah kawan-kawannya*; **2.** membelok (supaya jangan terlanggar), mengelak (dlm perjalanan), menghindar (ke tepi dll): *jika ia bertahan kamu sekalian ~*; **3.** tidak menurut yg betul (ajaran dll), menyeleweng (drpd yg ditentukan), sesat: *cara ahli hukum bekerja tidak ~ drpd ketentuan hukum; istilah yg dibentuk tidak terlalu jauh ~ drpd istilah asal*;

menyimpangkan menjadikan menyimpang, membawa menyimpang, memesongkan, menyesatkan;

simpangan (jalan, sungai, dll) yg menyimpang, cabang kpd sesuatu (jalan, sungai, dll) yg lebih besar;

persimpangan = ~ *jalan* tempat jalan menyimpang atau bercabang: *kebetulan pd ketika itu saya telah sampai ke ~ jalan balik ke rumah saya*;

penyimpangan perihal (perbuatan dsb) menyimpang (drpd sesuatu): ~ *drpd tatabahasa baku bahasa Melayu*.

simpang-siur 1. terlalu banyak dan silang-menyilang (jalan raya, kawat telefon, dll); **2.** terlalu banyak liku-likunya (jalan), berliku-liku; **3.** terlalu banyak kesulitan atau keruwatan (kerana berliku-liku, libat-melibat, sangkut-menyangkut, dll); **4.** bergerak ke sana ke mari (kenderaan di jalan raya), sibuk benar, hilir mudik.

bersimpang-siur bergerak ke sana ke mari, sibuk benar, hilir mudik;

simpasi Id ark □ → □ **simpati**.

simpat Jk; **kesimpatan** tersangkut (makanan) di kerongkong, termengkelan.

simpatetik (simpatétik) mempunyai atau menunjukkan belas kasihan, bersimpati: *ia melihat Aziz yg sihat, kuat dgn wajah yg ~.*

simpati 1. perasaan belas kasihan, timbang rasa, dsb terhadap seseorang atau sesuatu, terutamanya apabila ditimpa kesusahan: *bencana spt itu seharusnya mendapat ~ dan bantuan dr dlm dan luar negeri;*
2. perasaan bersetuju dgn satu menyokong sesuatu idea, pendapat, dsb bagi tujuan tertentu;

bersimpati menunjukkan simpati, menaruh simpati: *saya sangat ~ dgn nasib malang pelajar dr Bagan Serai itu.*

simpatisan IB orang yg menaruh simpati (terhadap sesuatu perkara dll).

simpir; *merak* ~ sj langkan (serambi) di perahu;

menyimpirkan mengembangkan atau membentangkan (sayap dll); ~ *sayap* mengembangkan sayap (burung merak).

simposium pertemuan antara para cendekiawan, pakar, dsb utk membincangkan sesuatu persoalan, perkara, dsb;

bersimposium menghadiri, menyertai atau mengadakan simposium: *memang ada orang yg suka berseminar, berbengkel, ~ dsb di sana sini.*

simptom bp gejala penyakit.

simptomatologi cabang perubatan yg berkaitan dgn kajian dan pengelasan gejala penyakit.

simpuh I timpuh; *sembah* ~ dgn hormat dan takzim;

bersimpuh = *duduk* ~ duduk bertelut, bertimpuh (spt perempuan duduk): *dia duduk ~ di antara ibunya dgn Mak Sinah;*

menyimpuh; *menyembah* ~ duduk berlutut serta berdatang sembah;

tersimpuh (dlm keadaan) bersimpuh atau bertelut: *dia dgn hormat ~ meletakkan hidangan itu sambil tersenyum manis; jatuh ~ jatuh berlutut (bertelut).*

simpuh II **1.** sj tumbuhan (pokok), *Dillenia aurea*; **2.** sj tumbuhan (pokok), peradun, *Dillenia indica*; **3.** sj tumbuhan (pokok), *Dillenia eximia*; **4.** sj tumbuhan (pokok), *Dillenia ovata*; **5.** sj tumbuhan (pokok), *Wormia spp.*

simpuk ark; **menyimpuk** menyentuh (melanggar, merempuh) ketika berjalan; □ → □ **sampuk.**

simpul = **simpulan** ikatan pd tali (benang dll); *tersenyum* ~ tersenyum sedikit;

~ *anjing berhimpit* = ~ *pengail* ikatan utk menyambung dua tali yg licin; ~ *belit* ikatan utk mengikat tali pd batang; ~ *buku sila* simpul utk mengikat bungkusan; ~ *bunga geti* simpul utk menghubungkan dua tali; ~ *hidup* sj simpul yg mudah diurai; ~ *kerusi* simpul utk menurunkan orang dr tempat yg tinggi; ~ *manuk* simpul utk mengikat tali pd balak; ~ *mati* ikatan yg susah diurai; ~ *pulih* simpul utk memendekkan tali (mudah diurai); ~ *sentak* sj simpul yg mudah diurai (dgn menyentak); ~ *tindih kasih* simpul utk membuat tanjul;

menyimpul **1.** mengikat (hingga menjadi simpul): ~ *tali kasut*; **2.** merupakan simpul; *senyum* ~ *di bibir* tersenyum; **3.** ki memberi pendapat secara ringkas (dr apa yg telah dibicarakan), menggulung: *ketika ~ pendapatnya ia menegaskan bahawa masa depan Islam tidak banyak berbeza drpd keadaannya sekarang;*

menyimpulkan **1.** mengikatkan sesuatu sehingga menjadi simpul (supaya tidak terurai), menyimpul; **2.** membentangkan (pendapat

dsb) dgn ringkas (drpd apa yg telah dibicarakan), memberikan inti atau isi perbincangan (drpd apa yg telah dibincangkan) dgn ringkas, mengikhtisarkan: *kita mengkaji catatan penulis-penulis semasa dan cuba ~nya*; **3.** ki memuat, mengandung: *perkataan yg penuh ~ apa yg terasa dlm hatinya*;

tersimpul 1. telah disimpulkan (tali, benang, dll); **2.** ki terdapat atau termuat (dlm), terkandung di dlm: *puas rasa hatinya mencurahkan segala yg ~ di dlm hatinya selama ini*; **3.** ki terjalin, terikat: *pertunangan mereka telah ~ juga pd hari itu*; *lalu ~lah semacam persahabatan antara kami*;

simpulan sesuatu yg disimpulkan, ikatan, simpul: *buat satu ~ di hujung sehelai benang*; ~ bahasa ungkapan yg terdiri drpd dua perkataan atau lebih dan mempunyai makna yg berlainan drpd erti perkataan-perkataan yg membentuknya (spt kaki ayam dll);

kesimpulan 1. ringkasan dr apa yg telah dibicarakan dll, inti atau isi dr keseluruhannya (karangan, syarahan, dll), kesudahan pendapat, ikhtisar: *boleh pula disuruh kanak-kanak membuat satu-satu ~ dr bacaannya*; **2.** keputusan: *mahasiswa telah mengambil ~ mengecam tindakan Amerika Syarikat mengebom Vietnam Utara*;

penyimpulan proses menggulung pendapat.

simulasi perbuatan (latihan dll) yg berasaskan atau menggunakan sesuatu yg direka atau dibuat-buat tetapi yg mirip kpd atau hampir dgn yg sebenarnya;

mensimulasikan menghasilkan semula keadaan tertentu utk tujuan kajian atau latihan: *program komputer ~ proses kognitif manusia*.

simulator sistem atau alat yg direka bentuk utk meniru keadaan tertentu atau ciri-ciri sesuatu proses (utk tujuan kajian atau latihan):

Malaysia dan Brunei mungkin dapat berkongsi ~ utk melatih juruterbang pesawat pengebom Hawk.

simuntu, simuntus Mn kanak-kanak yg bertopeng atau yg berconteng muka dgn arang (dlm perarakan tabut).

sin 1. huruf ke-12 abjad Arab (mempunyai nilai 60); **2.** huruf ke-13 abjad Jawi.

sinaga sj penyakit kulit (kulit menggelembung dan berisi air), *Herpes zoster*.

sinai; ~ *anjing* sj tumbuhan (rumpai), getah puyuh, lancung, pepinang, rumput babi, sayung tikus, tampuk gelang (kelang, relang), *Leptaspis urceolata*.

sinalinkawang motif anyaman kaum Murut di Sarawak yg berunsurkan tumbuhan berbentuk daun resam.

sinambalas corak tenunan kaum Dusun dan Kadazan di Sabah yg berunsurkan geometri berbentuk jalur tanpa ruang.

sinambung; bersinambung, bersinambungan berlanjutan, berterusan, berpanjangan: *bahasa Melayu sudah melalui proses perubahan yg panjang dan bersinambungan sehingga mencapai taraf kemantapan;*

kesinambungan perihal bersinambungan, kelanjutan, keterusan, persambungan: *tetapi jelas bahawa pemerintahan raja-raja Melayu Langkasuka dan Patani tetap mempunyai ~ sehinggalah awal abad ke-20; justeru yg moden itu merupakan ~ bagi yg tradisional dan yg lama akan dapat memperkenalkan akar-akar tradisinya;*

ketidaksinambungan perihal (keadaan dsb) tidak bersinambungan (tidak berterusan dsb).

sinampipin corak anyaman kaum Murut di Sarawak yg berunsurkan geometri berbentuk segi tiga tepat yg condong.

Sinansari Mn ark Dewi Seri.

sinar pancaran cahaya (sesuatu yg berkilau): *pagi pun tibalah bersama ~ matahari;*

~ *alfa* (Fiz) sj sinar bercas positif yg terdiri drpd nukleus helium; ~ *beta* (Fiz) sj sinar bercas negatif yg terdiri drpd elektron; ~ *gama* (Fiz) sj sinar yg bertenaga tinggi; ~ *kosmos* (Fiz) sinar dr ruang angkasa yg bertenaga tinggi (lazimnya terdiri drpd proton, elektron, dll); ~ *mata* a) cahaya yg tajam dr mata (ketika marah dll); b) kelipan mata; ~-*seminar* mengeluarkan cahaya yg gilang-gemilang, memancar-mancar;

bersinar, menyinar **1.** mengeluarkan sinar, memancarkan (cahaya): *matahari ~ menerangi alam; ~ titisan air matanya di pipi;* **2.** ki berseri atau harum namanya dll: *kali ini pasti ucapannya akan disiarkan dan akan ~lah tokohnya kelak;*

bersinar-sinar memancarkan sinar yg gilang-gemilang, memancar-mancar, sinar-seminar: *lampu yg ~ bergemerlapan menghiasi malam;*

menyinari **1.** memancarkan cahaya kpd, menerangi, menyulahi: *tubuh badannya terang-benderang kerana disinari oleh cahaya bulan itu;* **2.** ki mengajar makhluk Allah (manusia, dll) supaya dapat melihat kebenaran-Nya: *al-Quran itu ~ alam ini supaya tidak kegelapan;*

menyinarkan memancarkan (menghamburkan) sinar: *matahari telah pun ~ cahayanya;*

sinaran **1.** sinar; **2.** (Fiz) pancaran dan rambatan gelombang, spt cahaya atau bunyi, yg menghantar tenaga melalui ruang atau medium lain; ~ *elektromagnet* rambatan tenaga yg dihasilkan oleh getaran medan elektrik dan medan magnet, mis gelombang radio

dan X-ray; **3.** (Fiz) aliran zarah, spt zarah alfa, beta, gama, elektron dan neutron;

penyinaran perbuatan menyinarakan atau menyinari;

penyinar ki yg memberikan harapan, semangat dsb: *ibu tua itulah yg menjadi pembimbing, teman dan ~ hidupnya.*

sinar-X X-ray.

sinau; ~-*seminau* = **bersinau-sinau** bersinar-sinar (cahaya), berkilau-kilau.

sinawar Mn sj tumbuhan (palma), *Phykosperma silverstris (kuhlii).*

sinda sl□ → **senda II.**

sindaktili (Bio) keadaan apabila beberapa jari, sama ada jari tangan atau jari kaki, bercantum.

sindap Jw daki di kepala, kelemumur.

sindau; **bersindau** Sb terbang melayang atau bergerak berpusing-pusing di udara: *burung helang itu ~ sebelum menyambar mangsanya.*

sinder IB **1.** orang yg mengawas orang bekerja (di ladang dll); **2.** ark pelawat (pemeriksa) sekolah, nazir.

sindiket (sindikét) **1.** kumpulan orang yg bersatu menjalankan kegiatan-kegiatan haram (spt menjual barang-barang secara haram, menyeludupkan sesuatu, dsb): ~ *membuat wang palsu*; **2.** kumpulan ahli atau syarikat perniagaan (institusi kewangan dll) yg bersatu utk melaksanakan sesuatu projek dsb secara bersama; **3.** kumpulan atau persatuan yg menjalankan sesuatu usaha atau kegiatan utk kepentingan bersama anggota-anggotanya;

bersindiket mempunyai (melibatkan, menggunakan, dsb) sindiket.

sindir = **sindiran** perkataan dll yg digunakan utk mengatai (mengeji, mengejek, mencela) orang tidak dgn terus terang, kiasan: *banyaknya ~ kedengaran; mereka terdiam kerana mendengar percakapanku yg mengandungi sindiran itu; ~ kiasan = **sindir-***

sindiran bermacam-macam sindir (sindiran): *tiap-tiap kali balik dr situ, ada-ada sahaja pembawaannya, baik barang-barang mahupun ~ kiasan kpd Ramlah dan suaminya;*

menyindir mengatakan sesuatu (utk mencela, mengejek, mengeji) tidak dgn terus terang: *dia selalu ~ anak-anak dara yg mandi berkemban di situ; pukul anak sindir menantu prb mengata-ngatai orang tetapi perkataan-perkataan itu ditujukan kpd orang lain;*

sindir-menyindir saling membalas sindiran, saling menyindir: *mereka mengambil kesempatan utk ~ antara satu sama lain;*

tersindir (sudah) disindir (diejek): *aku cukup berasa ~ oleh kata-kata Normah itu;*

penyindir orang yg (suka) menyindir.

sindrom kumpulan gejala atau tanda-tanda yg menunjukkan terdapatnya sesuatu penyakit atau keadaan tertentu (spt sesuatu keburukan, masalah, dll): *tiga kes ~ kekurangan daya tahan penyakit dilaporkan sehingga akhir bulan Mac ini; Menteri Pendidikan telah bercakap tentang ~ malas membaca di kalangan golongan profesional; ~ Down (Ubat) kecacatan sejak lahir yg dicirikan oleh kepala dan muka yg lebar, mata yg sepet, hidung yg kemek, tangan dan kaki yg pendek dan daya berfikir yg lembap.*

sinekologi (sinékologi) kajian ekologi tentang komuniti tumbuhan atau haiwan.

sinematograf (sinématograf) peralatan utk menayangkan wayang gambar.

sinematografi (sinématografi) teknik membuat filem (wayang gambar), seni perfileman.

sinergi **1.** tindakan bersama dua atau lebih ubat, otot, dll utk menghasilkan tindakan paduan yg lebih berkesan drpd tindakan bahan tersebut secara berasingan; **2.** usaha sama antara individu

atau organisasi yg hasilnya lebih baik berbanding jika dibuat secara sendirian.

sinergisme keadaan apabila kesan tindakan gabungan dua komponen atau lebih menghasilkan nilai yg lebih baik dibandingkan dgn tindakan komponen tersebut secara bersendirian.

sineresis (sinerésis) (Kim) proses pengecutan bahan bergel, spt gelatin dan agar-agar, yg disertai dgn pengeluaran cecair.

sing bunyi mendesing.

singa I sj binatang buas, *Panthera leo*;

~ laut sj anjing laut, *Zalophus californianus*; (penyakit) raja ~ sj penyakit yg berbahaya, sifilis; *hendak ~ di tengah padang lagi, drpd ular di dlm rumput = lebih baik seekor ~ di padang yg luas, drpd seekor ular di dlm rumput* prb lebih baik berdepan dgn musuh besar di tempat terang drpd musuh kecil di dlm sulit;

menyinga ki memberang, meradang: *ia memandangnya dgn muka ~*.

singa II sj tumbuhan (pokok kecil), *Melochia umbellata*.

singahak Mn ark; **tersingahak** terkejut, terperanjat.

singas (Kim) gas tiruan yg mengandungi karbon monoksida dan hidrogen, digunakan sbg bahan mentah asas utk pemprosesan bahan kima.

Singh sebahagian drpd nama orang Sikh, yg menandakan ia seorang lelaki.

singga bp sehingga.

singgah berhenti sebentar di suatu tempat (dlm perjalanan), mampir: *barang di mana pasir yg baik, di sana ia ~ bermain sambil menjala dan memukat*;

singgah-menyinggah kerap benar singgah (dlm perjalanan): *lekas-lekas kembali, jangan lengah di laut dan lagi jangan ~ di mana-mana;*

menyinggahi 1. berhenti atau singgah di (dlm perjalanan): *negara-negara Arab yg disinggahi oleh Tun itu adalah negara-negara yg penting dlm pergolakan politik di Timur Tengah; tiga buah pelabuhan telah disinggahinya;* **2.** (berhenti di suatu tempat utk) mengambil atau menjemput sesuatu: *maka mudiklah ia lalu disinggahinya sampan Gusti itu;* **3.** mengambil semula sesuatu yg telah diamankan (disuruh baiki dll);

menyinggahkan 1. menghentikan perjalanan di sesuatu tempat, melabuhkan (kapal), mendaratkan (kapal terbang); **2.** menurunkan atau meninggalkan sesuatu (ketika singgah dlm perjalanan); **3.** menyilakan singgah (naik ke rumah dll);

mempersinggah Mn mempersilakan singgah (mampir);

persinggahan tempat singgah (berlabuh, berhenti, mendarat): *Colombo telah menjadi tempat ~ yg penting bagi kapal laut dan juga kapal terbang.*

singgahsana kerusi kerajaan (tempat raja bersemayam), takhta: *maka sultan pun duduk di atas ~ kerajaan di atas penterana yg bertatahkan permata.*

singgan Mn sehingga, sampai.

singgang I 1. sj masakan (ikan, daging, dll) yg direbus dan digarami dll;
2. Mn panggang, salai;

menyinggang Mn memanggang, menyalai.

singgang II sl memegang telinga dgn menyilangkan tangan dan duduk bangun berulang-ulang (sbg denda atau hukuman), ketuk ketampi.

singgir; menyinggir 1. membuka dan menampakkan sesuatu, menyingkap; **2.** ki memperlihatkan, menunjuk-nunjukkan.

singgit ark sanggit.

sungguh; bersungguh bersentuh bahu (kerana terlalu rapat), bertempuh; □ → □ **sigung I, sungung I.**

singgul; menyinggul menyondol ke tepi.

singgung I; bersinggungan bersentuhan dgn siku, berhantukan;

menyinggung 1. menolak (menghentak, memukul) dgn siku, menyenggol, menyigung: *ia kelihatan ~ kawan-kawannya dgn siku*; **2.** mengenai sedikit, menyentuh; **3.** menyebut-nyebut sesuatu (dlm ucapan, karangan, dll), membicarakan sedikit, menyentuh: *jalan cerita ini susah diikuti oleh pembaca kerana banyak perkara dan orang yg disinggung secara sepintas lalu*; **4.** menyakiti atau melukai hati (perasaan dll): *perkataannya selalu menyebut hal yg kadang-kadang ~ hati isterinya*; **5.** menodai (nama baik seseorang dll): *dia tidak akan membiarkan orang ~ nama baik keluarganya dgn sewenang-wenangnya; ~ mata bisul orang prb menyakiti hati orang lain dgn sindiran dll (dlm sesuatu perjumpaan dll)*;

tersinggung 1. terkena, terjamah, tersentuh; **2.** disakiti hati (terhina dll): *kalau hatinya ~ sedikit, sampai seminggu dia merajuk; mudah ~ mudah sakit hati; ~ lebih bak kena prb mudah berasa hati.*

singgung II Jw sj musang yg berbau busuk, sigung, *Mydaus meliceps*.

singit Mn; **menyingit 1.** menyelak (membuka, menyingkap) sedikit; **2.** tampak (kelihatan) sedikit;

tersingit 1. terselak sedikit (kain selimut dll), terbuka, tersingkap; **2.** kelihatan sedikit (bulan dll), terserlah.

singkak Mn singkap.

singkal → sungkal.

singkap; menyingkap, menyingkapkan 1. membuka (selubung, pakaian, penutup, dll), menyelak: *ia ~ selimut yg menutup kepala*

anaknya; ada yg menengok dr kisi-kisi, ada yg menengok dr tingkap, ada yg ~ atap; 2. ki membongkar atau membuka (rahsia dll), mendedahkan (sesuatu): beliau telah ~ rahsia menteri-menteri pusat yg tidak disukai; sajak-sajak A. Wahab Ali ada yg boleh diterima sbg panduan hidup kerana ia telah menyingkapkan rahsia hidup yg sebenarnya; 3. ki menceritakan kembali (perkara yg telah lalu, sejarah, dll): perbuatan mereka kali ini tidak lagi setakat ~-nyingkap sejarah pendek yg telah lalu; singkap daun, ambil isi prb berkata-kata dgn terus terang (tidak berbelit-belit);

tersingkap 1. terbuka, terselak: *maka tirai pedati Sumirah pun ~;*

2. ki terbongkar (rahsia dll); *~ hati ki suka (senang) hati;*

penyingkapan perbuatan menyingkap(kan), pendedahan: *~ dgn bersandarkan pengetahuan yg lalu.*

singkar NS sj sikat bajak (utk membajak sawah).

singkat 1. tidak panjang (waktu, umur, dll), pendek: *kunjungannya sangat ~; kain pendek, tarik ke atas ~, tarik ke bawah senteng; 2.* ringkas (berita, cerita, percakapan, dll): *“Besok aku ke mari lagi,” katanya ~, lalu melangkah hendak pergi; 3.* ki picik atau cetek (fikiran dll): *orang-orang yg ~ pemikirannya dan yg sangat tamak terlalu ramai;*

~ akal (faham, fikiran) tidak bijak, pendek akal, cetek akal, picik;

~ bayang alamat tidak panjang umur; ~ kata = ~nya pendek kata, pendeknya; ~ pengetahuan lekas mati; ~ sungu Mn (orang yg) pemarah; ~ tangan orang yg kedekut (kikir); ~ umur (usia) tidak panjang umurnya, lekas mati;

~ diulas, panjang dikerat prb yg kurang hendaklah ditambah sedangkan yg lebih hendaklah dikurangkan; ~ tidak terulas, panjang tidak terkerat prb tiap-tiap orang akan mati apabila telah sampai ajalnya dan kalau belum ajal berpantang mati; senteng

dibilai, ~ diulas prb yg kurang ditambah dan yg pendek disambung;

menyingkatkan 1. menjadikan singkat (pendek dll), memendekkan (waktu dll): *kerana kekurangan wang, saya terpaksa ~ lawatan saya itu*; 2. meringkaskan (karangan dll), mengikhtisarkan;

mempersingkat menjadikan lebih singkat;

singkatan, kesingkatan sesuatu yg disingkatkan, kependekan, ringkasan: *~ spt pak dr bapak, bu dr ibu, merupakan gejala umum dlm pemakaian bahasa*;

penyingkatan perihal menyingkatkan.

singkawang → tengkawang.

singke (singké) Kd ngilu.

singki penadah air paip tempat membasuh pinggan mangkuk dll (drpd tembikar, aluminium, dll)

singkil I ark; *tali* ~ sj tali pinggang (dipakai oleh perempuan yg sedang mengandung).

singkil II berasa tidak enak bagi pendengaran (spt mendengar batang buluh bersanggit, besi dikikir, dll), berasa tidak enak kerana terlalu masam (hingga mengilukan gigi), ngilu.

singkir; menyingkir 1. mengelak, menghindar, menepi, menyisi: *setiap orang ~ dariku; orang berbadan gemuk yg berdiri di tengah jalan itu, nampaknya tidak mahu ~ ke tepi*; 2. menyelamatkan diri (ke tempat yg lebih aman), mengungsi; 3. ki tidak memakainya lagi (adat lama), membuang: *akhirnya kelak, hendaklah kita ~ semua sistem upah yg berlainan dan aneh itu*; 4. = **menyingkirkan** mengelilingi atau mengedari sambil berjengkek-jengkek (spt ayam jantan ketika hendak mengawan);

menyingkiri 1. menjauhkan (menghindarkan) diri dr: ~ *bahaya*; **2.** ki tidak memakainya atau menggunakannya lagi (dlm berbagai-bagai erti), membuangi: *segala ungkapan yg dapat melukai perasaan orang lain hendaklah disingkiri*;

menyingkirkan 1. menjauhkan (menghindarkan) dr: *pergaulan di sekolah dan di tempat kerja lazimnya tidaklah dapat disingkirkan*; ~ *diri dr keindahan dan kelazatan hidup di kota*; **2.** membuangkan, mengesampingkan, menyisihkan: *utk mengolah sebuah berita secara jujur, pemberita harus ~ pendapat dan fikiran sendiri*; *sekularisme ~ nilai-nilai yg diperoleh dlm usaha-usaha utk mencari objektiviti dan ilmu yg dapat dimanfaatkan*; **3.** menyelamatkan ke tempat yg lebih aman, mengungsikan; **4.** ki menjatuhkan (orang dr jawatannya), mengeluarkan (orang sbg ahli sesuatu badan dll): *parti tersebut sedang mengambil langkah ~ anggota-anggota yg terlibat dlm perarakan haram itu*; **5.** ki menghilangkan (jiwa orang), melenyapkan, menghabisi: *setiap orang yg menentang Hitler disingkirkan*; **6.** mengelilingi sambil berjengkek-jengkek (spt ayam jantan mengedari ayam betina);

tersingkir 1. sudah disingkirkan (diberhentikan, ditolak, dll), terbang: *setelah ~ dr parti politik, ia cuba bergiat dlm badan kebudayaan*; **2.** terluput (terhindar) dr, dijauhkan (dipisahkan) dr: *kepercayaan kuno mereka tidak ~ oleh agama Islam*; **3.** terasing (terpisah) dr, terbang: *dia tidak mahu melihat Murad ~ dr keluarganya*; *selagi tidak ~ kuasa asing dr bumi kita ini, kita tidaklah patut berpuas hati*;

penyingkiran 1. perbuatan menyingkiri atau menyingkirkan: *dlm rampasan kuasa dan ~ Jeneral Khan ini, Amerika mungkin campur tangan*; **2.** pengungsian;

penyingkir = *kaum* ~ pengungsi.

singkong Id ubi kayu.

singkur; *menyepak* ~ = **menyingkur** menyepak ke tepi.

singlet (singlét) sj baju dalam tanpa lengan (utk lelaki).

singsat I (Sunda); **menyingsat, menyingsatkan** menggulung (kain dll), menyingsing.

singsat II Jw erat, rapat;

menyingsatkan mengeratkan, merapatkan.

singse (singsé) C tabib (dukun) Cina.

singsing; menyingsing 1. = **menyingsingkan** menarik ke atas (kain, lengan baju, dll) supaya pendek, menggulung (supaya pendek): ~ *lengan baju*; **2.** hilang (awan, kabus, dll), lenyap, menyisih: *kabus mulai ~*; **3.** mulai terbit (fajar), mulai terang: *kadang-kadang ia melanjutkan tidurnya sehingga fajar ~*; **4.** menyingkap, mendedahkan: *al-Quran yg ~ makrifat yg betul*;

tersingsing sudah disingsingkan (lengan baju, kaki seluar, kain, dll), terbuka atau terselak sedikit (kelambu, langsir, dll), tersisih (awan dll).

Sinhala bangsa yg berasal dr negara Sri Lanka.

sini 1. = **di sini** di tempat ini: *Mahkamah Tinggi di ~ telah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas dua orang pemuda*; **2.** bp saya, aku: ~ *tidak setuju dgn cadangan itu*;

ke sini ke mari: *ia berlari ke sana dan ~*;

dikesinikan dibawa ke mari, dikemarikan.

sinis 1. cenderung utk mempersoalkan kebaikan (kejujuran dll) orang: *ia mempunyai perasaan yg sensitif dan sikap yg ~ terhadap hal-hal yg diceritakannya*; **2.** suka mengejek-ejek (memerli, mempersendakan, dll), mengandungi ejekan (cemuhan dsb), bersifat mengejek atau memandang rendah: *cerpen-cerpen yg*

*lebih banyak ~nya drpd menggambarkan keadaan yg sebenar;
tersenyum ~;*

kesinisan sikap (pandangan, pernyataan dsb) sinis.

sinisisme pandangan atau sikap yg cenderung untuk mempersoalkan kebaikan (kejujuran, kebolehan dsb) seseorang.

sinisme → **sinisisme**.

sink → **singki**.

sinkope (sinkopé) (Lin) pemendekan sesuatu kata dgn menggugurkan satu atau lebih huruf atau suku kata dr tengah-tengah kata itu, mis pengguguran *ha* dlm *sahaja* menjadi *saja*, dan *id* dlm *tidak* menjadi *tak*.

sinkronik bkn peristiwa atau fenomena yg terjadi dlm tempoh waktu tertentu, tanpa mengambil kira perkembangannya.

sinkronisasi penyelarasan antara dua perkara: ~ *antara Kongres Ilmu Pengetahuan dgn penyusunan GBHN*.

sinkroskop (Kej) peranti elektrik yg digunakan utk menguji komponen sistem pencucuh.

sinologi ilmu pengetahuan tentang bahasa dan kebudayaan Cina.

sinoman Jw **1.** kumpulan anak muda yg membawa hidangan dan melayani tetamu makan dlm sesuatu majlis perkahwinan; **2.** usaha gotong-royong bagi mengumpulkan wang tiap-tiap bulan dan menentukan giliran orang yg mendapatnya dgn cara mengundi.

sinonim (Lin) kata yg sama atau hampir sama maknanya dgn kata lain, mis *cantik* dgn *indah* dan *cepat* dgn *pantas*, kata seerti;

bersinonim mempunyai kata-kata yg sama atau hampir sama maknanya: *perkataan cantik ~ dgn perkataan indah*;

mensinonimkan menganggap sama antara dua perkara atau benda: *orang Melayu disinonimkan dgn agama ini*;

kesinoniman keadaan bersinonim.

sinonimi (Lin) hubungan antara sinonim.

sinopsis ringkasan yg memberikan gambaran umum tentang sesuatu perkara (novel, drama, filem, dsb), ikhtisar.

sintaksis pengetahuan (cabang ilmu linguistik, peraturan, dsb) tentang susunan kata dlm ayat.

sintal gemuk padat (badan), gempal.

sintar I Mn sintal.

sintar II sj burung;

~ *dada kelabu, Rallus striatus*; ~ *api, Rallina fasciata*; ~ *merah, Rallus eurizonoides*; ~ *kecil* sj burung, *Porzana pusilla*.

sintesis (sintésis) **1.** proses menyatukan pelbagai unsur, bahagian, bahan, dsb menjadi suatu kesatuan atau keseluruhan yg kompleks, penyatuan, penggabungan, pemaduan; **2.** suatu keseluruhan yg kompleks yg terdiri drpd pelbagai unsur, bahan, dsb; **3.** cara mencari prinsip yg umum drpd prinsip-prinsip yg khusus;

mensintesis melakukan sintesis, menyatukan, menggabungkan, memadukan: *dlm beberapa banyak hal, novel ini padat dgn idea-idea dan gagasan-gagasan falsafah yg masih mentah, tidak diperhalus serta disintesis ke dlm perwatakan atau suasana keseluruhan novel.*

sintetik (sintétik) bkn bahan yg disediakan drpd bahan kimia atau bahan tiruan (bukan drpd sumber semula jadi).

sintetis (sintétis) IB yg berkaitan dgn (mengenai) sintesis, yg dipadupadu.

sintigrafi kaedah utk melihat organ tubuh dgn mengimbas bahagian berkenaan dgn pengesan kelipan selepas suntikan sebatian berlabel radioaktif.

sinting I → **senteng I**.

sinting II 1. senget (sendeng) sedikit letaknya, miring; **2.** bp agak gila, kurang siuman.

sintir Jk sj permainan dgn buah dadu.

sintua ark ketua (sesuatu puak dll), kepala.

sintuk sj tumbuhan (pokok, dan kulit batangnya boleh dibuat ubat),
Cinnamomum spp.;

bersintuk bergosok (badan) ketika mandi: *maka isteri Khoja Maimun pun bangun lalu pergi mandi, ~ berlimau;*

menyintuk menggosok, menggonyoh;

menyintukkan menggosokkan, menggonyohkan;

penyintuk sesuatu yg digunakan utk menyintuk: *dibunuhnya Tok Wak jurubahasanya, utk diambil darah, dibuat ~ meriam itu.*

sintulang sj tumbuhan (pokok), *Jackia ornata.*

sintung Mn; **menyintung** menyinggung (dgn siku).

sinu IB, bp urat saraf; *sakit ~ sakit urat saraf.*

sinuhun sl baginda.

sinus I (Mat) fungsi trigonometri bagi sudut tirus pd segi tiga bersudut tegak, iaitu nisbah panjang sisi yg bertentangan dgn sudut terhadap panjang hipotenus.

sinus II (Ubat) rongga yg dipenuhi udara dlm tulang tengkorak yg bersambung dgn (rongga) hidung.

sinusitis (Ubat) radang pd selaput sinus hidung.

sinyal IB tanda alamat (lampu dll), tanda isyarat.

sinyalir IB; **mensinyalir** memperingatkan supaya memerhatikan (sesuatu) atau beringat-ingat (terhadap sesuatu).

sinyo anak lelaki (bangsa Eropah).

sioca, siociah C ark anak perempuan.

siongka C sj damar.

sipahi, sipai sl askar India.

sipak I Mn sepak.

sipak II Br jari yg lebih (keenam) pd tangan.

sipat I arah; ~ *kuping* Jw berlari lintang-pukang; *tali* ~ tali utk mengetahui lurus tidaknya (sesuatu), tali pengukur;

menyipat, menyipatkan mengukur (utk mengetahui lurus tidaknya) dgn tali sipat.

sipat II = ~ *mata* celak mata: *ia jarang sekali memakai bedak, ~ mata atau gincu bibir;*

menyipat membubuh sipat (pd mata): *bibir matanya disipat hitam dan alisnya dicukur melecut.*

sipat III; *daun* ~ sj tumbuhan (herba yg boleh dibuat ubat), *Eclipta alba.*

sipedas Mn halia.

sipesan → □ **sepesan.**

sipi tidak tepat kenanya (pukulan, tembakan, dll), tidak kena betul, menyerempet: *penumbuk itu singgah ~ ke pipi Malek; biar ~ asal jangan tepat (sesat) prb a) biarlah rugi sedikit asalkan jangan rugi banyak; b) jika sudah mengalami susah (rugi dll) hendaklah diikhtiarkan supaya jangan terlampau sangat;*

menyipi mengenai tepi (pinggir) sahaja.

sipil IB orang awam (bukan tentera): *ia datang ke baris depan, tempat duduk para pembesar dr pihak ~, polisi dan militer; hukum ~ undang-undang mengenai orang awam, undang-undang awam; pemerintahan ~ pemerintahan oleh orang-orang awam (bukan tentera); perang ~ perang saudara; perkara ~ perkara dlm mahkamah mengenai hal-hal umum (bukan perkara jenayah dll).*

sipir IB penjaga penjara; **sapir II.**

sipoa → **sempoa.**

sipon IB; *kain* ~ sj kain (cita).

sipongang Mn gaung, gema;

bersipongang bergaung, bergema: *bunyi itu ~ ke setiap penjuru perkebunan.*

sipu I; **tersipu-sipu** = *malu* ~ = **kesipuan, kesipu-sipuan** malu sekali: *Hasnah ~ tunduk kemalu-maluan; mereka itu pun kesipu-sipuan malu.*

sipu II Jk; **tersipu-sipu** (dgn) pantas, lekas, segera.

sipulut beras pulut, beras ketan, *Oryzasativa japonica*.

siput I sj kerang-kerangan (binatang lunak) yg berkulit keras; jenis-jenisnya: ~ *akik* sj siput yg dibuat perhiasan; ~ *asin* sj siput yg telah diasinkan; ~ *babi* sj siput, *Achatina*; ~ *kemudi*, *Atrina spp.*; ~ *mutia* ibu mutiara; ~ *pahat*, *Cultellus spp.*; ~ *piring*, *Placuna plasenta*; ~ *sudu*, *Chromytilus chorus*;
~ *memuji buntut* prb sifat memuji diri sendiri; *tak tahu akan ~ empuk* prb orang yg terlalu bodoh.

siput II sj sanggul (rambut perempuan);

bersiput memakai siput (sbg perhiasan rambut): *kawan saya tidak pernah memakai gincu atau bedak dan rambutnya ~ sahaja*;

menyiput (sedang) menggulung rambut utk membuat siput: *rambutnya yg panjang sampai ke punggung itu segera disiputnya.*

siput III; *burung* ~ sj burung, burung gua, *Myophones falvirostris dicrorhyncus*.

sir I Ar **1.** rahsia, tersembunyi (dlm ilmu tasawuf); **2.** keinginan (kemahuan) hati, ingin (mahu) akan sesuatu: *tiadalah ia ~ kpd perempuan itu; tak ~ Kl tidak mahu (ingin); kalau tak ~ berdegak, ~ melayang* prb jika barang yg diinginkan tidak diperoleh maka hilanglah daya upaya.

sir II bunyi spt bunyi desir.

sira I sl beliau, engkau.

sira II = *gula* ~ gula yg telah dicairkan (utk digaulkan atau disalut pd kuih dsb);

bersira sudah (telah) disira: *dia menghidangkan kerepek ubi goreng yg ~ dgn gula;*

menyira menggaul atau menyalut kuih dsb dgn gula yg telah dicairkan.

sira III Br garam.

sirah I Mn merah: *matanya itu ~ spt bunga raya; tanah ~ kubur yg baharu;*

tersirah; *mendapat tanah ~ ki a) mati; b) menjumpai mayat yg telah ditanam.*

sirah II Ar kisah, riwayat atau perjalanan hidup seseorang nabi atau rasul; ~ *Nabi* kisah atau riwayat hidup Nabi Muhammad SAW sejak kecil hinggalah baginda wafat.

siram; bersiram bd mandi: *silakan tuanku dua laki isteri berangkat ~;*

menyiram 1. mencurahkan air dll pd, mendirus, menjirus: *seorang perempuan muda ~ bunga dlm taman; 2.* menjirus dgn air dll (supaya bersih);

menyirami menyiram pd: *Kadir masuk ke kamar mandi lalu ~ Ratna dgn air;*

menyiramkan 1. menyiram dgn, menjiruskan, mencurahkan: *maka kedua-duanya terkejut spt orang mengantuk disiramkan air;*

2. sl, bd memandikan: *maka bidan ketujuh pun lalu ~ putera baginda, dilimau dan dibedak;*

persiraman sl tempat mandi, permandian;

penyiraman perbuatan menyiram (menyiramkan).

penyiram 1. orang yg menyiram: *tugas utamanya hanya sbg ~ pokok bunga setiap pagi; 2.* alat yg digunakan utk menyiramkan air dsb: *dia menyiram sayur-sayuran dgn menggunakan ~.*

sirampang Mn → **serampang** II.

sirap I; menyirap menyorok, menyusup: *darahnya ~ ke telinganya; ~ darahnya berdebar-debar hatinya (kerana takut dll);*

menyirapkan **1.** Id menyelakkan (menyingkapkan) sedikit; **2.** menyebabkan jadi marah, menaikkan darah (dlm erti kiasan); **3.** = ~ *darah* menjadikan terkejut (berdebar-debar dll), memeranjatkan: *ada sesuatu dlm semak yg ~ darah Melayunya;*

tersirap; ~ *darah* berdebar-debar (kerana terkejut, terperanjat, dll); ~ *hati* marah.

sirap II sj atap drpd keping-keping papan;

menyirap memasang sirap; *timah disirap* timah yg dipasang sbg sirap.

sirap III 1. larutan gula dan air yg agak pekat dan biasanya berwarna merah dan berperisa; **2.** = *air* ~ minuman yg diperbuat drpd sirap; (*air*) ~ *bandung* air sirap yg dicampur dgn susu; ~ *batuk* ubat batuk yg berupa sirap.

sirap IV Jk 1. senyap, sunyi; **2.** tidak berpanjangan atau berlarutan, kebah (demam), padam (api), reda; **3.** pukau (sj mantera utk menidurkan orang);

menyirap 1. meredakan, memadamkan; **2.** memukau (supaya orang tertidur atau terus tidur).

sirat I mata jala (jaring dll); ~~~ *gigi* celah-celah gigi;

bersirat berjalin-jalin, berjala-jala, berselirat: *kain ungu bertepi merah, berair mas dipahat, ~ benang mas bertatah pudi manikam;*

menyirat membuat jala dll, menganyam, menjalin, merajut: *ia sedang ~ jala ikannya di dapur;*

tersirat 1. telah disirat (jala, rajut, dll), terjalin; **2.** ki terkandung atau tersembunyi (di dalam sesuatu): *rahsia besar yg ~ di hatinya tidak ada seorang pun yg mengetahuinya;*

siratan 1. jalinan; 2. sesuatu yg tersembunyi: *dgn melihat ~ dlm suratan.*

sirat II Ar 1. jambatan, titian; 2. titian (yg halus) yg melintasi neraka utk ke syurga.

siratulmustakim Ar jalan yg benar.

siraung, saraung Br sj tutup kepala, terendak.

siraut sj pisau raut (yg tajam); **seraut** → **raut I.**

siren 1. alat yg mengeluarkan bunyi raungan yg kuat, biasanya sbg semboyan amaran; 2. bunyi raungan siren.

sirene (siréne) IB siren.

sirep pukau utk menidurkan orang; □ → **sirap IV.**

siri rangkaian sesuatu yg sama (spt cerita, buku, peristiwa, dll) yg dikeluarkan (diadakan, disiarkan, dll) berturut-turut: *inilah ceramah yg kedelapan dlm ~ ceramah ilmiah;*

~ aktinid (Kim) siri unsur radioaktif dlm jadual berkala, bermula dgn aktinium dan berakhir dgn lawrensium; *~ homolog* (Kim) siri sebatian karbon drpd jenis yg sama dan diwakili satu formula am (mis alkana dan alkena; *~ lantanid* (Kim) siri lima belas unsur logam dlm jadual berkala, bermula dgn lantanum dan berakhir dgn lutetium; *nombor ~ nombor* (bilangan) yg berturut-turut.

sirih I sj tumbuhan (pokok renek yg memanjat dan daunnya dimakan dgn pinang, gambir, kapur, dll), *Piper spp.;*

bujur ~ bentuk spt bentuk daun sirih (muka), lonjong lancip ke bawah; *menghantar* ~ sl menghantar berbagai-bagai barang kpd bakal besan; *wang* ~ wang upah;

~ air sj sirih, *Piper miniatum;* *~ berbunga* Kl alat perlengkapan utk meminang; *~ carang* daun sirih yg muda; *~ duduk* sj sirih, *Piper sarmentosum;* *~ hantu* sj sirih, *Piper caninum;* *~ hutan* sj sirih, *Piper caninum (curtisii);* *~ kaduk* sj sirih, *Piper caba;* *~*

kerakap daun sirih yg di bawahnya kasar dan keras; ~ *masak* sirih selengkapnya (utk dikunyah); ~ *Melayu* = ~ *Cina* = ~ *hudang* sj sirih, *Piper betle*; ~ *murai* sj sirih, *Piper ribesoides*; ~ *pinang* barang-barang yg dibawa kpd seseorang (sbg tanda penghormatan); ~ *rakit* Kl susunan daun sirih yg ada seratus dua puluh helai; ~ *rimau* sj sirih, *Piper porphyrophyllum*; ~ *rimau putih* sj sirih, *Piper argyrites*; ~ *seberkas* Kl susunan daun sirih yg seratus helai banyaknya; ~ *sekapur (setampin)* sirih segulung (selengkapnya); ~ *sesusun* Kd susunan daun sirih yg dua puluh helai banyaknya; ~ *tanya* sirih selengkapnya yg diberikan kpd ibu bapa anak gadis yg dipinang;

~ *naik, junjungan naik* prb mendapat untung dan bahagia silih berganti; ~ *naik, junjungan patah* prb baru hendak mendapat kesenangan, tiba-tiba mendapat bencana pula; ~ *pulang ke gagang* prb kena pd tempatnya; ~ *berlipat datang sendiri* prb a) beroleh keuntungan dgn mudah; b) mendapat orang yg dicintai dgn tidak bersusah payah; *ada ~ hendak makan sepah* prb ada yg baik hendakkan yg buruk; *seikat bagai ~, serumpun bagai serai* prb orang yg bermuafakat benar-benar (seia sekata); *umpama ~, menjalar dulu kemudian melilit barulah memanjat ke pucuk junjung* prb tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya;

penyirih orang yg suka makan sirih.

sirih II; menyirih Mn mengunjukkan atau memberikan (sirih, rokok, dll): *orang itu mengeluarkan tempat rokok dr dlm sakunya dan ~ kpd sekalian orang itu;*

menyirih mengunjukkan atau memberikan sirih, rokok, dll kpd: *aku disirih rokok daun;*

menyirihkan Mn mengunjukkan atau memberikan sirih (rokok dll): *sekali-sekali pernah juga dia ~ rokoknya kalau bertemu.*

sirik I Jk iri hati, dengki.

sirik II Br ridip ikan, sirip.

SIRIM akronim bagi *Standards & Industrial Research Institute of Malaysia* (Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia).

siring I sj tangguk drpd rotan utk menangkap udang dll.

siring II ark terusan (air), bendar, parit, tali air.

siring III Mn tepi (kain dll) yg berlainan warnanya.

siring IV; menyiring mencurahkan (air dll) dgn menyerendengkan bekasnya, menuang dr satu bekas ke satu bekas yg lain;

penyiringan perihal (proses atau perbuatan) menyiring: *loji itu akan dilengkapi peralatan spt alat pengudaraan automatik dan mekanisme ~.*

siring V Kl habuk (gergaji), reja-reja kayu (setelah digergaji).

siring VI Br (bahagian) tepi atau pinggir.

sirip 1. sayap ikan (utk berenang), ridip; **2.** (Kej) struktur tetap yg menegak pd ekor pesawat udara utk meningkatkan kestabilannya;

bersirip bertindih-tindih atau berlapis-lapis (atap genting dll): *atapnya tembaga dan timah ~.*

sirkam IB sj ikat utk perhiasan.

sirkol IB, bp kubis putih yg diracik halus-halus dan dijeruk.

sirkuit siri atau rangkaian pertandingan yg disertai sering kalinya oleh pemain (peserta, petanding) yg sama: *sebelum ini Indonesia telah memiliki Piala Thomas yg menjadi rebutan setiap negara yg menyertai pertandingan ~ antarabangsa.*

sirkulasi IB peredaran.

sirkuler (sirkulér) IB surat pekeliling, surat edaran.

sirkumfleks (sirkumfléks) (Lin) tanda (^) yg diletakkan di atas huruf vokal bahasa tertentu, mis bahasa Perancis, utk menunjukkan bagaimana vokal itu dibunyikan.

sirna Jw hilang, lenyap, musnah;

menyirnakan menghilangkan, memusnahkan;

penyirnaan pemusnahan, penghapusan, penghilangan.

siroko (Geog) angin selatan yg panas di kawasan Mediterranean.

sirop Id sirap (air gula).

sirosis (Ubat) penyakit hati yg dicirikan oleh matinya sel-sel hati dsb (yg terjadi akibat jangkitan kronik, terlalu banyak minum minuman keras, dsb)

sirsak IB durian belanda, *Annona muricata*.

siru Mn; **bersiru** berputar (angin), beralih haluan.

sirung Br serong.

sirup → **sirop**.

sis apa-apa yg tertinggal (sesudah dimakan, dipakai, dll), baki (wang dll), lebihnya, reja: ~ *makanan*; ~ *wang*;

~ *nabi* a) lebih makanan nabi; b) ikan sebelah; ~ *remeh* sisa yg tidak berharga langsung; ~ *radioaktif* sisa atau bahan buangan yg dapat mengeluarkan pancaran radioaktif;

kulai-balai *bagai petai* ~ *pengait* prb orang yg lemah lembut gerak-gerinya;

bersisa ada sisanya (bakinya, lebihnya), berbaki, berlebih: *gaji suaminya tiap-tiap bulan tiada ~ sedikit juga*;

menyisakan menjadikan bersisa, membiarkan berlebih sedikit, meninggalkan sedikit: *isteri hulubalang yg mengidam nangka itu telah ~ nangka baginda*;

tersisa (dapat, sudah) disisakan sedikit: *tidak ~ waktunya utk membuka buku sekolah*.

sisal serat dr daun sj tumbuhan *Agave sisalana* utk dijadikan tali dll.

sisalak Mn; **bersisalak** berbantah, bertengkar.

sisi 1. bahagian yg di kiri atau di kanan sesuatu benda, rusuk, samping, tepi: *dia lari dr ~ku; lukisan badan ikan itu dilihat dr ~*; **2.** garisan lurus yg menyempadani (membatasi) sesuatu bidang, penjuru, segi: *di tiga ~, dia dikelilingi oleh air*; **3.** segi, sudut, pihak (pandangan dll): *mereka memandang dr ~ mereka sahaja*;

di sisi 1. di sebelah (kiri atau kanan) sesuatu, berhampiran (dekat) dgn: *ia duduk ~ suaminya*; **2.** di samping (bersama-sama): *ibu Ema yg telah tua itu dapat jua menghibur-hiburkan hatinya ~ suami, anak, menantu, dan cucunya*; **3.** di samping (selain): *~ itu, kemungkinan perkembangan bahasa itu pun menjadi lebih besar sebab lebih banyaknya jumlah manusia yg memakainya*; **4.** dr segi (pandangan dll): *tiap-tiap rakyat itu mempunyai hak-hak yg sama antara satu dgn lain ~ undang-undang*; **5.** di kalangan: *ajaran Rousseau telah berkembang dan amat besar pengaruhnya ~ rakyat*;

ke sisi ke tepi, ke samping;

dikesisikan diketepikan, dikesampingkan;

bersisi, bersisi-sisian berdampingan, berdekatan (berjalan, duduk, dll): *telah menjadi kesenangan baginya berjalan ~-sisian dgn dia ke mana-mana*;

menyisi 1. pergi ke sisi (ke tepi, ke samping), menepi; **2.** berjalan dll di sepanjang tepi (birai, pinggir), menyusur;

menyisikan 1. membawa dll ke sisi (ke tepi); **2.** mengetepikan (kerana tidak penting dll), mengesampingkan.

sisih; bersisih berpisah, berasing; *~ antah dgn beras prb berasingan orang kaya dr orang miskin*;

menyisih 1. beralih ke samping atau ke tepi (utk memberi jalan lalu dll), menepi, menyamping: *dia ~ ke tepi memberi jalan kpd ibunya mendapatkan adiknya*; **2.** mengasingkan atau menjauhkan (diri) dr, menghindar, menyendiri: *selesai sahaja majlis khatam, Bidin ~ hampir ke tangga*; **3.** = **menyisihkan** mengasingkan, memisahkan, menceraikan, memencilkan; *disisih bagai antah* prb a) diasingkan dr yg lain kerana tidak disukai; b) tidak boleh ikut campur kerana miskin;

menyisihkan 1. mengasingkan (diri dll), memencilkan, menjauhkan: *perasaannya yg berkecamuk itu hanya dapat ditenangkan jika ia ~ diri ke tempat yg sunyi*; **2.** memisahkan, mengetepikan: *pentingnya bahasa sbg alat dlm sastera memang tidak dapat disisihkan kerana kalau tidak ada bahasa, sastera juga tidak ada*; **3.** Id menyebabkan lawannya tidak dapat memasuki pertandingan selanjutnya kerana sudah kalah (dlm permainan dll), menyingkirkan (lawan);

tersisih (sudah) diasingkan atau dipisahkan, terasing, terpisah: *dia berasa dirinya ~ dr kawan-kawan yg telah lama bekerja di sana; hidupnya ~ dr kaum keluarga*;

sisihan (Mat) perbezaan antara nilai keputusan sesuatu uji kaji dengan nilai keputusan min beberapa uji kaji;

penyisihan perbuatan menyisihkan: *~ diri dan perasaan kecewa terhadap penderitaan manusia*.

sisik I 1. lapisan kulit yg berkeping-keping (pd ikan, ular, kaki ayam, dll): *memang tuah ayam dan burung dapat dilihat drpd ~nya, tetapi tuah manusia siapa tahu*; **2.** ki corak atau ragam: *engkau semua masih mentah, tidak mengenal ~ manusia*; *kurang ~, tinggal lidi di buku, kurang selidik tinggal kaji di guru* prb kalau kurang hati-hati bekerja atau berusaha tidak ada

hasilnya; *minta ~ pd limbat* prb menghendaki sesuatu yg tidak mungkin dapat;

bersisik ada sisiknya, mempunyai sisik: *dgn takdir Allah, dapatlah seekor ikan ~ emas bermatakan intan*;

menyisik, menyisiki **1.** membuang sisik (dr ikan dll); **2.** meraut buluh (lidi dll) supaya licin; **3.** melihat tuah ayam sabungan pd sisik di kakinya.

sisik II; *~ keli = ~ naga bukit = ~ tenggiling* sj tumbuhan (pokok kecil), *Polychroa repens*; *~ naga = ~ tenggiling* sj tumbuhan (herba), *Desmodium triflorum*; *~ penyuh = ~ puyuh* sj tumbuhan (pokok), *Caralia suffruticosa*; *rumpun ~ naga* sj tumbuhan (herba), *Desmodium heterophyllum*.

sisip; bersisip terletak dll di celah-celah (di sela-sela), terselit: *sepucuk pistol ~ di pinggangnya*; *~ keris* a) memakai keris dgn menyelitkannya di pinggang; b) ki masih muda atau belum keluar mayangnya (pohon kelapa), dara;

bersisipkan memakai sesuatu (keris dll) dgn menyelitkannya di pinggang: *di dlm andung itu duduk seorang bangsawan dgn pakaian yg indah, ~ keris*;

menyisip **1.** masuk di celah-celah (di sela-sela): *ditikamnya Raja Suran, kena baluhan gajah, sejengkal ~ ke sebelah*; **2.** = **menyisipi** memasang atap baru (menggantikan atap lama), menutup atap yg bocor: *Kamal telah ~ bahagian-bahagian atap yg bocor dgn daun pisang atau dgn upih pinang*; **3.** = **menyisipi** menyirat (jala, jaring, dll): *sentiasa baldu itu disisipnya*; **4.** = **menyisipi** (Lin) membubuh sisipan (em, el, er, dsb) dlm kata-kata: *perkataan "gilang" apabila disisipi dgn "em" menjadi "gemilang"*; **5.** = **menyisipi** menukar tanaman yg mati (yg kurang baik) dgn tanaman yg elok dan lebih segar: *~ padi*;

menyisipkan, mempersisipkan 1. memasukkan di antara dua benda (di celah-celah, di sela-sela), menyelitkan: *bunga itu disisipkannya ke lubang kancing baju tentang dadanya; pura ialah sj pundi-pundi tempat menyimpan wang yg disisipkan di pinggang*; 2. memasukkan (ke dlm cerita, buku, dll), memuatkan: *bahagian-bahagian lucu disisipkan di sana sini*; 3. menggunakan sesuatu utk menyisip (atap, jala, dll); 4. (Lin) memasukkan sisipan (em, el, er, dsb) dlm kata-kata: ~ “em” dlm kata “guruh” menjadi “gemuruh”;

tersisip 1. sudah disisip, terselit: *sebilah keris ~ di pinggangnya*;

2. terkandung (termasuk) dlm;

sisipan 1. sesuatu yg disisipkan; 2. (Lin) imbuhan (el, em, er, dsb) yg disisipkan di tengah-tengah sesuatu kata pokok;

kesisipan termasuk (tertikam) sesuatu ke dlm daging, kemasukan;

penyisipan (Lin) perihal membubuh sisipan pd kata-kata pokok;

penyisip alat utk menyisipkan sesuatu: *proses ini memerlukan ~ utk menegangkan anyaman*.

sisir I 1. alat utk mengemaskan rambut, sikat; 2. alat utk menggemburkan dan membersihkan tanah, pencakar, penggaruk, sikat; 3. tangkai atau gugus pisang (sebahagian drpd tandan), sikat; 4. sikat pd alat tenun, suri; 5. injap (pd pintu lukah, bubu, dll) utk menahan ikan keluar; ~ *insang* bahagian insang ikan yg berupa spt sikat (utk menyekat air, kumin-kumin makanan drpd terkeluar); *spt gerup dgn* ~ prb perihal dua orang yg sangat mesra pergaulannya (tidak boleh diceraikan);

bersisir 1. memakai sisir, bersikat; 2. (sudah) disisir, bersikat: *pakaiannya selekeh, rambutnya tidak ~*; 3. sedang menyikat rambut;

menyisir 1. menyikat (rambut): *ia memakai baju, ~ rambutnya, dan duduk menghadapi hidangan itu;* **2.** membersihkan (tanah) dgn sisir, menggaru, menyikat (tanah): *tanah bendang yg berselut itu akan disisir pula;* **3.** memotong daun kelapa dr pelepahnya.

sisir II; menyisir berjalan atau lalu di tepi (sesuatu), menyusur (pantai dll): *kami mengambil masa lebih kurang sejam ~ sungai, baru sampai ke tempat yg ditujui; ~ pantai menyusur pantai;*

persisiran daratan di sepanjang tepi laut, tasik, atau sungai: *kawasan ~.*

sisir III Mn; kesisiran termasuk duri dll dlm daging, kesisipan; *terbuang ~* berasa senang atau lega.

sista (Ubat) ketumbuhan di dlm tubuh atau di bawah kulit yg mengandung cecair.

sistem 1. cara atau kaedah utk melakukan sesuatu, aturan: *menurut ~ tulisan yg dipakai sekarang, kata-kata ulang ditulis dgn cara menggunakan sempang;* **2.** kumpulan beberapa bahagian (alat dll) yg sama-sama bekerja utk satu tujuan: *~ penghadaman; ~ saraf;* **3.** kumpulan pendapat (prinsip, teori, dll) yg teratur dan tersusun baik-baik (biasanya dijadikan pegangan), cara atau kaedah yg teratur utk melakukan sesuatu: *~ pendidikan; ~ pemerintahan;*

bersistem ada sistemnya, menurut sistem, sistematik;

mensistemkan menjadikan bersistem;

pensisteman proses menjadikan bersistem.

sistematik 1. berasaskan atau menurut sistem: *ekonomi ialah satu cabang ilmu pengetahuan yg ~;* **2.** pengetahuan mengenai sesuatu sistem.

sistematis IB menurut sistem, berasaskan sesuatu sistem, sistematik.

sistina (Bio) asid amino bersulfur yg merupakan komponen kebanyakan protein.

sistisis (Ubat) radang pd pundi kencing, terutamanya pd perempuan, yg disebabkan oleh jangkitan.

sistole (sistolé) (Ubat) tempoh pengecutan jantung apabila darah dipam keluar ke sistem peredaran darah.

sistrum (Muz) alat muzik Mesir kuno yg dimainkan dgn menggoncangnya.

sisurut Mn; **bersisurut** mengundurkan diri, mundur; → **surut**.

siswa penuntut atau pelajar di pusat pengajian tinggi.

siswazah orang yg telah lulus dlm peperiksaan terakhir universiti dll, orang lulusan universiti;

pensiwazahan perihal (program, proses, usaha dsb) menjadikan seseorang sbg siswazah atau berkelulusan ijazah: ~ *guru besar boleh meningkatkan tahap profesionalisme dan maruah diri pentadbir di sekolah rendah.*

siswi siswa perempuan.

sit bunyi desit.

sita I ark **1.** tuntutan mahkamah; **2.** = **penyitaan** perihal mengambil (menahan, merampas) barang-barang dll dgn perintah mahkamah atau oleh polis;

menyita merampas (mengambil, menahan) barang-barang dll dgn perintah mahkamah atau oleh polis: *sekalian barang itu telah disita dan dijaga baik-baik oleh tentera;*

sitaan (barang dll) yg disita;

penyita orang yg tugasnya menyita.

sita II sl putih bersih.

sitak sj pundi-pundi (tempat mengisi barang-barang), sj uncang.

sitar sj alat muzik bertali orang India yg rupa bentuknya seakan-akan gitar dan dimainkan dgn memetik talinya: *alunan lagu drpd petikan ~ dan pukulan gendang amat mengasyikkan penonton.*

sitat IB sesuatu yg dikutip (dipetik), kutipan, nukilan.

sitegang; bersitegang = ~ *urat leher* mempertahankan (sesuatu pendapat dll) dgn bersungguh-sungguh, tidak mahu mengaku kalah (dlm pertengkaran dll), berkeras hati: *jangan bonda selalu ~ pd adat yg buruk itu*; □ → **tegang**.

sitekan ark; **bersitekan**; ~ *lutut* menekankan (menopangkan, menumpukan) tangan di lutut; → **tekan**.

siti I 1. Ar sebutan kpd wanita yg mulia: *S~ Hawa; S~ Fatimah*; 2. sebutan kpd anak-anak perempuan yg tinggi martabatnya: *malu sangat rasanya aku apabila kuingat saudaraku tidak laku kpd puteri-puteri dan ~~~ di Padang ini*.

siti II sj wisel.

siting sj binatang lunak (siput), *Placuna sella*.

sitir IB ark; **menyitir** mengutip ayat (kata-kata dll), menyebut atau menulis kembali kata-kata yg telah disebut (ditulis) oleh orang lain.

sitkom siri komedi televisyen atau radio yg menampilkan sekumpulan watak yg sama dlm setiap episod, biasanya mempunyai tema dan jalan cerita yg berkisar pd kisah kehidupan sehari-hari.

sitokar → **stoker**.

sitokinin (Bio) sekumpulan hormon tumbuhan yg mengawal pembahagian sel.

sitolisis (Bio) pelarutan sel apabila musnahnya membran sel.

sitologi kajian tentang sel haiwan dan tumbuhan.

sitoplasma (Bio) bahan di dlm sel kecuali nukleus dan dinding sel.

sitrat (Kim) garam asid sitrik.

sitrik berkaitan dgn atau diperoleh drpd buah-buahan sitrus, spt lemon dan oren: *asid ~*.

sitrus bkn tumbuhan (pokok dan pokok renek) dlm genus *Citrus*, spt pokok limau, oren, lemon, dll.

sitti Ar → **siti I**.

situ I (kata yg menunjukkan) tempat yg tidak jauh dr orang yg berbicara: *kedai-kedai Cina yg ada dekat-dekat ~ telah menurunkan harga barang-barang jualan mereka;*

di situ 1. di tempat itu: *ia duduk dan menyandarkan badannya ~;*

2. bp awak, engkau, kamu; **3.** pd waktu (ketika, masa) itu;

ke situ ke tempat itu.

situ II (Sunda) ark danau, tasik, telaga.

situasi 1. keadaan, kedudukan, atau suasana sesuatu perkara: *besok ~ mungkin semakin buruk;* **2.** letaknya sesuatu, kedudukan.

siuh sr kata utk menghalau ayam dll.

siuk Mn; **menyiuk** menyedut atau menarik nafas dgn mulut (kerana kesakitan, kepedasan, dll);

siapa luka siapa ~, siapa sakit siapa mengaduh = siapa sakit siapa ~ prb siapa yg terasa apabila disindir, maka dialah yg bersalah.

siul I = siulan 1. bunyi (spt bunyi suling) yg dibuat dgn menghembuskan angin melalui mulut yg disempitkan; **2.** bunyi burung, desis ular: *aku terdengar ~ burung dara yg menyanyikan lagu bahagia;*

bersiul 1. membuat bunyi (spt bunyi suling) dgn mulut: *kemudian didengarnya bunyi orang ~;* **2.** berbunyi (burung), mendesit (ular): *unggas-unggas berterbangan dr dahan ke dahan serta ~-siul;*

bersiul-siul bersiul berulang kali: *kadang-kadang dia ~ kecil; dia kelihatan gembira sambil ~ menuruni tangga;*

menyiulkan bersiul membawakan (menyanyikan dsb) sesuatu lagu: *ia ~ lagu Seri Mersing.*

siul II sj burung;

~ bertam, *Melanoperdix nigra*; ~ bukit, *Arborophila torquelo*; ~ jambul, *Rollulus roulroul*.

siuman 1. ingat atau sedar kembali (dr pengan, mabuk, terperanjat, dll):
dia masih belum ~ drpd terperanjatnya; **2.** waras (fikiran, ingatan), tidak gila: *orang yg tidak ~*;
kesiuman keadaan siuman;
ketidaksiuman keadaan tidak siuman.

siung I (gigi) taring: *gementarlah segala anggotanya melihat ~nya bota dan raksasa itu*;
bersiung bertaring.

siung II seulas atau sebiji (bawang).

siung III bunyi spt bunyi lebah terbang (peluru melayang dll), dengung;
bersiung, bersiung-siung, bersiung-siungan berbunyi siung (spt lebah terbang dll): *di udara ~-siung peluru; peluru ~-siungan, meriam dan bom tangan berdentuman membelah kesunyian*.

siur I; *silang-~, simpang-~*; □ → □ **silang, simpang**.

siur II; **berkesiuran** bertiup kencang (angin), mendesir.

siut I 1. bunyi spt bunyi wisel yg nyaring; **2.** bunyi spt bunyi orang meniuk (kerana kepedasan dll); **3.** bunyi spt bunyi rotan dll disebatkan di udara; **4.** bunyi spt bunyi api disiram dgn air;
bersiut berbunyi siut, berbunyi spt orang meniuk (kerana kepedasan dll);
siutan bunyi siut yg berkali-kali.

siut II Br sj alat utk menangkap udang, ikan, dll.

sivik 1. ilmu tatarakyat; **2.** hak, perasaan tanggungjawab, dsb seseorang terhadap masyarakatnya.

sivil 1. berkaitan dgn orang awam atau orang biasa, berkaitan dgn rakyat sbg orang perseorangan: *para pemimpin authoritarian gemar mencari alasan utk mengurangkan hak ~ dan politik; pentadbiran*

kehakiman ~ yg kita warisi drpd sistem kehakiman Inggeris; **2.**

(Udg) berkaitan dgn yg bukan jenayah: *mahkamah* ~; *kes* ~.

siwalan Jw lontar.

siya sj bekas yg bertingkat-tingkat tempat menaruh barang-barang makanan (bekalan dll), mangkuk tingkat, mangkuk tepen.

skabies (skabiés) (Ubat) penyakit kulit berjangkit yg ditandai rasa gatal dan kudis, kudis buta.

skala **1.** tanda-tanda yg terdapat pd alat pengukur (jangka suhu dsb) utk menentukan besarnya satuan ukuran: ~ *Centigrade*; *kayu* ~ kayu pembaris; **2.** tingkatan (gaji dll); **3.** nisbah atau kadar jarak (dlm peta, pelan, dll) sbg ganti yg sebenarnya: *pelan sebuah rumah dilukis dgn ~ satu sentimeter bagi satu meter*;

~ *Celsius* skala suhu yg berdasarkan takat beku air (diberi nilai 0) dan takat didih air (diberi nilai 100); ~ *Fahrenheit* skala suhu yg berdasarkan takat beku air (diberi nilai 32) dan takat didih air (diberi nilai 212); ~ *Richter* skala yg digunakan utk mengukur kekuatan gempa bumi, bernilai dr 0 hingga 8 atau lebih;

penskalaan penghasilan skala.

skalogram (Sos) teknik berbentuk jadual tentang hierarki petempatan yg digunakan dlm analisis.

skalop hiasan berkelok-kelok berbentuk spt kulit kerang pd tepi kain, langsir, pastru dll.

skalpel sj pisau kecil yg tajam yg digunakan dlm pembedahan.

skandal perkara atau perbuatan keji (malu, aib, hina, dsb yg biasanya menimbulkan kemarahan orang ramai): ~ *itu melibatkan beberapa orang ternama*.

skandium (Kim) sj unsur logam yg lembut dan berwarna perak.

skapula (Bio) tulang belikat.

skarf kain berbentuk segi empat, segi tiga, atau panjang yg dipakai di kepala (sbg tudung) atau pd leher atau bahu sbg perhiasan dll.

skarlatina (Ubat) demam merah.

skema (skéma) rajah (rancangan dsb) yg perlu diikuti, rancangan atau garis-garis yg teratur: ~ *tatacara pembentukan istilah*.

skeptikal (sképtikal) waswas, kurang percaya, ragu-ragu.

skeptis (sképtis) IB berasa waswas, kurang percaya, ragu-ragu: *penderitaan dan pengalaman menjadikan orang bersifat sinis dan ~.*

skeptisisme (sképtisisme) keraguan, kesangsian: *apakah darjah ~ yg sesuai dlm pemeriksaan data selanjutnya?*

sketsa (skétsa) **1.** lukisan yg dibuat secara kasar dan cepat, lakaran; **2.** karangan atau lakonan pendek yg menggelikan hati.

ski papan peluncur di atas salji, papan tongkah;

berski bermain ski.

skil bp kemahiran (dlm sesuatu bidang pekerjaan): *pekerjaan itu memerlukan ~ yg khusus*.

skim rancangan; ~ *cepat kaya* skim pelaburan yg kononnya boleh memberikan pulangan (keuntungan) yg segera dan sangat lumayan.

skion (Bio) tunas pokok yg dipotong utk dicantumkan dgn pokok yg lain.

skirt sj pakaian luar perempuan (cara Barat) yg dilekatkan di pinggang dan labuhnya berbeza-beza, rok;

berskirt memakai skirt: *semalam gadis itu kelihatan ~ biru*.

skirting **1.** bp kambi; **2.** (ERT) fabrik utk hiasan pd tepi keliling meja, pentas dsb yg biasanya berlisu.

skizofrenia (skizofrénia) (Psi) penyakit jiwa yg dicirikan dgn fikiran yg bercelaru, halusinasi, pemencilan diri, dan emosi yg tidak stabil.

skizoid (Psi) mengalami atau menghadapi skizofrenia.

sklerenkima (sklerénkima) (Bio) tisu tumbuhan yg mempunyai dinding sel yg tebal utk memberikan sokongan pd bahagian-bahagian tumbuhan.

sklerosis (sklérosis) (Ubat) keadaan apabila organ, tisu, salur darah dsb menjadi keras.

skon sj roti kecil yg dibuat drpd tepung gandum, lemak dan susu, biasanya disapu dgn mentega.

skop I IB penyodok tanah (pasir dll) drpd besi yg bergandar panjang.

skop II bidang yg diliputi, ruang liputan, ruang lingkup,: *prakata mengandungi penerangan tentang tujuan buku itu ditulis, ~ kandungan buku, dan sejarah penulisan buku itu.*

skor (mata, gol, jaringan, dsb) jumlah angka kemenangan dlm perlawanan.

Skorpio lambang kelapan dlm zodiak, yg berlambangkan kala.

skors IB; **diskors** **1.** dihentikan utk sementara sahaja (mesyuarat, perjumpaan, dll); **2.** digantung (jawatan, pangkat, dll) utk sementara.

skrabel sj permainan utk membentuk perkataan drpd huruf-huruf yg berasingan.

skrin **1.** sekat (tabir dll); **2.** permukaan yg rata berupa kaca dsb (pd televisyen, monitor komputer dsb) tempat memaparkan gambar, teks, grafik dsb.

skrip I cerita dll yg bertulis (bertaip dsb); ~ *filem* skrip yg disediakan utk sesebuah filem, termasuk arahan kerja kamera dsb, lakon layar;

penskripan hal (proses) penulisan skrip: *memanglah drama Melayu sebelum ini tidak ada tradisi ~.*

skrip II sijil sementara (dlm urusan saham) yg membolehkan pemiliknya menukarkannya menjadi wang atau sijil saham biasa.

skriptorium bilik utk menulis atau menyalin manuskrip.

skrol gulungan kertas, kertas kulit dsb yg di atasnya tertera tulisan, lukisan dsb.

skrotum (Bio) kantung buah zakar.

skru sj pasak atau paku besi yg berbenang atau beralur badannya (yg diputar utk memasang); ~ *gila* skru yg tidak sekata benangnya (alurnya);

menskru **1.** memasang skru; **2.** membuat benang atau alur pd batang besi supaya menjadi skru, membuat skru;

menskrukan memasang (melekatkan dll) sesuatu dgn skru;

penskru alat utk membuat (membenang) skru.

skvad **1.** suatu kumpulan orang yg bekerja (melakukan sesuatu) sbg suatu pasukan: ~ *bola sepak Malaysia*; **2.** suatu pasukan kecil polis (tentera) yg bertanggungjawab menjalankan tugas khas: *S~ Polis Khas*; ~ *penembak* sekumpulan askar yg ditugaskan utk menembak seseorang yg dijatuhi hukuman mati.

skvadron **1.** unit tentera udara yg terdiri drpd 10 hingga 18 buah pesawat terbang; **2.** pasukan tentera darat yg terdiri drpd lebih kurang 100 orang anggota, merupakan sebahagian drpd rejimen, dan biasanya dibahagikan kpd tiga trup; **3.** unit tentera laut yg terdiri drpd dua buah kapal atau lebih yg sama jenisnya.

skuasy I sj permainan memukul bola ke dinding dgn raket (dimainkan di dlm gelanggang yg berdinding).

skuasy II minuman yg diperbuat drpd jus buah-buahan yg ditambah air atau gula: ~ *oren*; ~ *lemon*.

skuba alat yg terdiri drpd set pernafasan dan silinder udara mampat, yg digunakan oleh penyelam utk membantunya bernafas semasa berada di bawah permukaan air (laut dsb).

skuner sj kapal layar yg bertiang dua.

skup I bp pencedok.

skup II berita penting atau eksklusif yg diterbitkan atau disiarkan lebih awal oleh sesebuah akhbar atau televisyen sebelum disiarkan oleh mana-mana akhbar atau televisyen lain.

skurvi (Ubat) penyakit yg disebabkan oleh kekurangan vitamin C dlm makanan (ditandai oleh gusi bengkak dan berdarah, perdarahan di bawah kulit, dll).

skuter sj kenderaan spt motosikal (yg rodanya lebih kecil).

slaid 1. kepingan kaca yg kecil utk memeriksa spesimen di bawah mikroskop, sisip kaca; **2.** gambar pd kepingan seluloid yg lut sinar (ditayangkan pd skrin atau layar).

slalom 1. perlumbaan ski yg melalui laluan yg bengkok-bengkok serta pelbagai halangan yg sukar; **2.** perlumbaan yg serupa, mis dgn menaiki kayak.

slander (Udg) kenyataan secara lisan yg tidak benar, biasanya bertujuan utk memburuk-burukkan atau merosakkan nama baik seseorang.

slang IB pembuluh yg diperbuat drpd getah.

slanga kata-kata (ungkapan dsb) yg tidak tergolong dlm bahasa baku (biasa digunakan dlm percakapan tidak rasmi).

slek (slék) seluar panjang casual yg dipakai oleh orang lelaki dan perempuan.

slendro (sléndro) nada muzik gamelan Jawa.

slip kepingan kertas yg kecil panjang: *elakkan menampal ~ pindaan pd manuskrip; ~ gaji; ~ gaji* kertas yg mengandungi butiran gaji bulanan, termasuk elaun, potongan gaji dsb.

slogan kata-kata keramat yg dijadikan pegangan (panduan, dll) sesuatu organisasi (kempen dsb), cogan kata, kata semboyan: *beramai-ramailah mereka tumpang sama meneriakkan ~, meneriakkan merdeka;*

berslogankan menggunakan (sesuatu) sbg slogan: *pertubuhan itu ~ 'Seni Untuk Seni'*.

slot ruang waktu yg diperuntukkan oleh media massa untuk membolehkan sesuatu maklumat (berita, dll) disiarkan: ~ *berita telah diperkenalkan oleh TV3 sejak tarikh penubuhannya.*

Sm simbol kimia bagi samarium.

SM kep Sebelum Masihi.

SMA Id kep Sekolah Menengah Atas.

SMK kep Seri Mahkota Kelantan (pingat yg dianugerahkan oleh Sultan Kelantan kpd rakyat yg berjasa kpd negeri).

smalt kaca yg diwarnai biru dgn kobalt oksida.

SMN kep Seri Maharaja Mangku Negara (pingat kelas satu dlm Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara, pemegangnya bergelar Tun dan isterinya Toh Puan).

SMS kep *short message service* (khidmat pesanan ringkas, iaitu khidmat yg membolehkan teks ringkas dsb dihantar dan diterima dgn menggunakan telefon bimbit, komputer peribadi dsb).

SmSa kep Sarjana Muda Sastera.

SmSn kep Sarjana Muda Sains.

smokel Id, bp pemasukan barang-barang secara gelap, penyeludupan;
dismokel diseludupkan (barang-barang).

smoking sj perhiasan pd pakaian dgn mengedutkan kain (dan dimatikan kedut itu dgn jahitan).

SMP Id kep Sekolah Menengah Pertama.

Sn simbol kimia bagi stanum.

snek (snék) makanan ringan (yg selalunya dimakan dlm masa yg singkat).

snekbar (snékbar) tempat menjual makanan ringan.

snorkel alat yg terdiri drpd gogal, penutup hidung dan tiub yg hujungnya dimasukkan ke dlm mulut dan menganjur ke atas permukaan air utk membolehkan perenang bernafas ketika mukanya menangkup di dlm air;

bersnorkel berenang(-renang) dgn memakai snorkel: *saya dan rakan-rakan dibawa ~ utk melihat keindahan batu karang di perairan pulau itu.*

snuker sj permainan yg pemain-pemainnya bergilir-gilir memukul bola-bola berwarna di atas meja utk dimasukkan ke dlm lubang pd penjuru meja.

soak bp tidak kuat lagi, lemah.

soal 1. soalan: ~ *semacam itu tidak perlu dijawab*; **2.** hal atau perkara (yg sulit atau rumit), masalah: ~ *wang perlu difikirkan sedalam-dalamnya*; ~ *tarian dan pelajaran mendapat tempat istimewa dlm perbualan kami*;

~ *pokok* hal (perkara) yg penting atau utama; ~ *selidik* sejumlah soalan yg dikemukakan secara berterusan dlm borang tertentu utk dijawab oleh sebilangan orang dlm usaha mencari dan mengumpulkan maklumat tertentu;

bersoal mengemukakan soal, bertanya;

menyoal mengemukakan pertanyaan, memberi soalan, menanya: *Siti ~ lagi apabila didapatinya soalan tadi tidak mendapat jawaban*; ~ *balas* menyoal seseorang yg memberi keterangan utk sesuatu pihak (pihak lawan dll) utk memastikan kesahihan keterangan yg diberikannya;

menyoalkan menanyakan sesuatu kpd;

mempersoalkan mengemukakan sesuatu sbg soal, menjadikan soal, membahaskan, membincangkan, memperdebatkan: *akhbar itu pula ~ mutu hasil-hasil sastera sekarang*;

soalan sesuatu yg ditanyakan (dlm peperiksaan dll), pertanyaan: *jawab lima drpd tujuh soalan yg di bawah ini; ~ bocor soalan* (peperiksaan, ujian dsb) yg sudah diketahui sebelum peperiksaan, ujian dsb dijalankan: *mereka mendapat ~ bocor SPM drpd pemuda itu; ~ ramalan soalan* yg diramalkan akan keluar atau ditanyakan dlm peperiksaan, ujian dsb: *dlm saat-saat akhir ini, Siti mahu memberi perhatian kpd ~ ramalan serta tip yg diberi oleh guru.*

persoalan 1. sesuatu yg dipersoalkan, masalah: *semakin hari ~ wanita semakin menjadi bertambah menarik; 2.* pembicaraan, perbahasan, perbincangan;

penyoalan perihal atau perbuatan menyoal atau menyoalkan: *cerpen ini berakhir dgn ~ terhadap dirinya;*

penyoal orang yg menyoal atau mengemukakan soalan: *soalan yg dikemukakan oleh ~ itu sukar difahami oleh responden.*

soal jawab 1. tanya jawab (dlm surat khabar, majalah, dll); **2.** perbahasan, perdebatan; **3.** temu ramah, temu bual, wawancara; **4.** temuduga;

bersoal jawab bertanya jawab, berbahas, bertengkar.

soal siasat kaedah formal menyoal pesalah, saksi, pengintip, dll utk mendapatkan maklumat;

menyoal siasat menyoal dlm usaha menyasat sesuatu;

penyoal siasat orang yg menyoal siasat.

soang Jk angsa.

sobai Pr tidak kemas (pakaian), serbah-serbih.

sobat bp sahabat (yg rapat), kawan, teman;

bersobat bersahabat, berkawan;

menyobat, menyobati 1. menjadikan sahabat yg baik; **2.** ki mengambil hati orang;

persobatan perihal bersobat, persahabatan.

sobek (sobék) I koyak (pakaian dll), cabik, carik, robek: *kemejanya telah ~;*

menyobek mengoyakkan (pakaian, kertas, dll), mencabik, merobek: *cepat-cepat sampul surat tadi disobeknya dan kandungannya dikeluarkannya;*

sobekan sesuatu yg disobek, cabikan, carikan: *~ drpd sebuah buku.*

sobek (sobék) II Kl; **menyobek** mengukir.

sobok Mn campuran dua logam dll (yg sama banyaknya);

bersobok, tersobok bertemu (dgn), berjumpa (dgn), bertembung (dgn): *tetapi di tengah laut ~ dgn bala bantuan yg dikirim dr Aceh; ~ musuh di jalan; serobok.*

SOBSI Id akronim bagi Sentral Organisasi Buruh Seluruh Indonesia.

soda 1. pelbagai jenis sebatian natrium (terutamanya karbonat) dlm bentuk hablur atau serbuk yg digunakan utk masakan atau cucian; *~ abu = ~ basuh (pencuci) natrium karbonat; ~ kapur campuran natrium hidroksida dgn kalsium hidroksida; ~ kaustik = ~ api natrium hidroksida; ~ penaik natrium hidrogen karbonat; 2. = air ~ sj minuman yg berbusa.*

sodek (sodék) Kl sj alat utk mengaut nasi (drpd kayu dll), senduk; □ → **sudip I.**

sodit (Kim) mineral sekunder yg mengandungi 71% uranium.

sodok I = penyodok alat utk menggali tanah dll, sekop;

menyodok menggali (membalikkan dll) tanah dgn sodok.

sodok II; (main) bola ~ Jk main biliard;

menyodok 1. menolak, menyorong; 2. ki melanggar, merempuh: *motosikalnya ~ buntut lori; 3. menumbuk (di perut), menggocoh; 4. bk menyetubuhi, mengamput.*

sodomi hubungan jenis melalui dubur, terutamanya antara lelaki dgn lelaki.

sodor I Jk; **menyodorkan** **1.** menyorongkan ke depan, menganjurkan: *ketika aku masuk, ada yg berdiri hendak ~ kerusi, ada yg duduk sahaja;* **2.** menghulurkan (tangan dll), mengunjukkan, memberikan: *Kartini ~ tangannya utk berjabatan; ia ~ gelas berisi air limau kpd temannya;* **3.** memaksakan, mendesak, menonjol-nonjolkan, menuntut: *kami para pemuda tidak mahu menerima syarat yg disodorkan oleh Jepun.*

sodor II Jw sj tombak panjang.

soek (soék); **menyoek, menyoekkan** menyobek(kan), mencabik(kan).

sofa sj kerusi panjang yg bertilam empuk dan mempunyai tempat sandar dan alas lengan.

sofbol sj permainan besbol yg menggunakan bola yg lebih besar dan lebih lembut.

sofis orang yg bijak menggunakan hujah yg menarik dan meyakinkan tetapi palsu dgn tujuan utk menipu atau memperdayakan seseorang.

sofisme hujah atau alasan yg nampaknya menarik dan meyakinkan tetapi sebenarnya palsu, biasanya bertujuan utk menipu atau memperdayakan seseorang.

sofistikasi sifat dsb yg kompleks dan halus (tidak bersahaja dan sederhana), kecanggihan: *tahap kematangan dan ~ tertinggi yg pernah dicapai oleh manusia.*

sofistikated **1.** mempunyai cita rasa (perangai, tingkah laku, pandangan, dll) yg tinggi dan halus, bersifat kompleks dan halus (tidak bersahaja dan sederhana), canggih: *keadaan kehidupan berubah dgn cepat dan pengalaman menjadi bertambah kaya, ~, dan menimbulkan cita-cita dan harapan baru; dia sudah berubah drpd*

seorang gadis yg sederhana kpd seorang gadis yg begitu ~ sekali;

2. mempunyai atau menunjukkan ciri-ciri dsb yag kompleks (moden, rumit, pelbagai, dsb), tidak ringkas atau sederhana, canggih: *puisi Melayu moden mula mempunyai variasi dgn persoalan yg kompleks dan ~; muzik yg ~; mesin jahit model baru yg ~.*

soga sj tumbuhan (pokok yg kulit batangnya dibuat pencelup batik), *Peltophorum pterocarpum.*

sogang Id pagar (yg turusnya dipacak miring), pancang yg dipacak berderetan dan diberi berpalang (dijadikan pagar).

sogek (sogék) Kd songel drpd tembakau, lebihan cerut.

sogok I Jh kayu panjang di haluan perahu.

sogok II = *wang* ~ = **sogokan** wang rasuah (suap); *makan* ~ ki menerima rasuah, makan suap;

menyogok 1. merodok (ke dlm), menjolok: *ia mengambil gelasnya, ~ mulut kawannya dgn gelas itu;* **2.** ki memberi rasuah, menyuap;

menyogokkan 1. ki memberi rasuah kpd, menyuapi: *mereka bertindak, tetapi setelah disogokkan beberapa keping kertas merah, mereka segera diam;* **2.** menghulurkan, mengunjurkan, mengunjukkan: *tangannya ~ dua cawan berisi arak kpd kami; sogokkan sebatang rokok kepadanya;* **3.** ki mengemukakan (utk diterima, digunakan, dsb), menyorongkan, menonjolkan: *sebelum murid-murid disogokkan dgn bahan-bahan pelajaran yg lebih formal, beberapa kemahiran persediaan haruslah dikuasainya;*

penyogok orang yg memberikan sogokan: *~ juga mesti didakwa di mahkamah.*

soh Pr senyap sunyi.

sohor = **kesohor**, **tersohor** bp termasyhur, terkenal: *dialah yg paling kesohor antara mereka;*

kesohoran keadaan (sifat) sohor.

soja C tunduk (memberi hormat), membongkok;

tersoja-soja berkali-kali membongkok (utk menghormati), tertunduk-tunduk.

sojah C soja.

sojar bp askar, serdadu, tentera.

sok IB **1.** sarung kaki (panjang), stoking panjang; **2.** penyambung paip (besi).

soka angsoka.

sokah Mn ark suka mengeluarkan wang, boros, pemboros.

sokak sj tumbuhan (pokok), *Gnetum gnemon*.

soket (sokét) lubang pd sesuatu bahagian alat atau bahagian tubuh tempat melekat sesuatu: ~ *elektrik*; ~ *mata* rongga bertulang yg mengandungi biji mata.

sokmo Kl, Ph, Tr, bp selalu, sentiasa.

sokoguru Jw **1.** tiang tengah (seri); **2.** ki turus (negeri).

sokom; **bersokom** sl dilumur dgn arang (muka), dilumas (dilabur, diconteng);

menyokom, **menyokomkan** melumur (melumas, melabur) muka dgn arang dll.

sokong tiang yg dipasang condong utk menyangga sesuatu (supaya jangan rebah dll), junjungan, penjalaran (utk tumbuh-tumbuhan spt kacang panjang dll); ~ *membawa rebah* prb orang yg dipercayai itu sendiri yg berkhianat kpd kita;

menyokong **1.** menyangga (menopang) sesuatu supaya jangan rebah atau roboh: *beberapa orang ~ dan memapah dia supaya jangan rebah*; **2.** menyatakan persetujuan dan memberi

perangsang dgn atau tanpa bantuan kebendaan dll, memberi bantuan (tenaga, wang, dll), membantu: *saya ~ penuh fikiran penulis itu; gerila kami ~ pemberontakan mereka;*

sokongan **1.** sesuatu yg dijadikan sokong (tiang dll), tunjangan; **2.** perbuatan menyatakan persetujuan dan memberi perangsang dgn atau tanpa bantuan kebendaan, bantuan (wang dll), pertolongan: *tidak ada sebuah parti politik yg boleh kekal berkuasa tanpa ~ orang Melayu; ~ moral sokongan yg tidak berupa bantuan kebendaan tetapi yg memberikan perangsang (mengukuhkan semangat dsb);*

penyokong **1.** alat utk menyokong, sokong; **2.** orang yg menyokong (membantu, menolong), pengikut: *ia tidak segan-segan menghukum orang-orang yg menjadi ~-~ penderhaka.*

soksek-soksek (soksék-soksék) bp berbual, merungut, dsb dgn suara perlahan hingga tidak jelas biji butirnya: *biar semuanya berpuas hati, jangan ada yg ~ di sana sini.*

sol IB tapak kasut (selipar dll);

mengesol memasang sol (pd kasut dll).

solak I suka: *tuan tak ~, saya tak sudi.*

solak II Kl sj makanan (diperbuat drpd kelapa).

solang Mn; **menyolang** membantah (perintah dll), menyangkal.

solar Id; *minyak* ~ sj minyak yg pekat (utk enjin diesel).

solarimeter (solariméter) alat yg digunakan utk mengukur sinaran matahari.

solarium **1.** bilik drpd kaca sbg tempat menikmati cahaya matahari, terutamanya utk tujuan merawat sesuatu penyakit; **2.** tempat yg dilengkapi katil berserta lampu khas utk menjadikan kulit seseorang berwarna perang.

solat sembahyang (dlm agama Islam).

soldadu → **serdadu I**.

solder (soldér) IB pateri;

menyolder memateri, mematerikan.

soleh (soléh) **I** Ar taat dan patuh kpd perintah Allah: *sbg seorang yg ~, baginda mempunyai akhlak dan peribadi yg mulia; semoga kita dikurniai anak-anak yg ~ dan solehah;*

kesolehan perihal soleh (ketaatan kpd agama, kesucian hidup).

soleh (soléh) **II** Pr lemah.

solehah (soléhah) Ar taat dan patuh kpd perintah Allah (digunakan khusus bagi perempuan): *doa saya semoga puan menjadi isteri yg ~; itulah hasil didikan drpd seorang ibu yg ~.*

solek (solék) **1.** serba elok (pakaian, hiasan, dll); **2.** cara menghias diri (dlm berbagai-bagai erti): *~nya sederhana sekali; maka dikenakan ~ helang terbang menyongsong angin; alat ~ segala yg digunakan utk menghias diri (bedak, gincu, celak, dll);*

bersolek 1. berhias diri (memakai bedak, mengenakan gincu, dll): *Aida sedang ~ di dlm biliknya;* **2.** berhias dgn, menggunakan sesuatu sbg hiasan;

menyolekkan mengenakan alat solek pd seseorang: *mereka sama-sama mendandan dan ~ model pengantin itu;*

solekan hasil bersolek atau menyolekkan: *gadis itu mengenakan ~ yg nipis saja;*

persolekan perihal bersolek: *sudah ramai wanita Melayu yg mendapat ijazah dlm ilmu ~;*

pesolek (orang yg) suka bersolek: *dia ~ benar orangnya.*

solenoid gulungan dawai tembaga yg menjadi magnet apabila dihubungkan dgn aliran elektrik.

solider (solidér) IB (perasaan) bersatu atau bersepakat: *sbg pemuda tentu sahaja ~ dgn pemuda-pemuda lainnya;*

kesolideran keadaan yg bersatu (bersepakat).

solihin Ar **1.** jamak bagi orang yg soleh: *tugas berdakwah ini adalah lanjutan drpd tugas rasul dan nabi, sahabat, aulia dan ~*; **2.** taat dan patuh kpd perintah Allah: *insya-Allah kita akan tergolong ke dlm golongan hamba-hamba Allah yg ~*.

solilokui (Sas) senandika.

soljar bp askar, tentera, serdadu, sojar.

solipsisme (Sos) teori yg menafikan sebarang pengetahuan kecuali tentang dirinya sendiri.

solo **1.** nyanyian atau lagu muzik yg dinyanyikan (dimainkan) oleh seorang sahaja; **2.** (tugas, persembahan, dsb) dilakukan secara berseorangan: *penerbangan ~; nyanyian ~*; **3.** sendirian (spt melakukan sesuatu seorang diri): *dia membuat larian ~ meninggalkan lawannya jauh di belakang*.

solok I = pesolok, penyolok pemberian atau sumbangan (barang-barang makanan utk orang yg mengadakan majlis perkahwinan dll).

solok II Mn ark lembah (antara gunung).

solokan bp selokan, parit.

solstis (Geog) waktu (ketika) matahari berada paling jauh ke selatan atau ke utara dr khatulistiwa;

~ musim panas 21 Jun; ~ musim sejuk 22 Disember.

som IB, bp lipatan pd tepi kain, kelim;

disom dikelim (bkn kain).

sombok Id, bp alat pembesar suara.

sombol; menyombol menyuapkan makanan dgn menjejaj-jejaj (ke dlm mulut kanak-kanak).

sombong tinggi hati, angkuh, bongkak, congkak, pongah: *hanya orang yg ~ dan bongkak sahaja yg suka berkata begitu; hendak ~ berbini*

banyak, hendak megah berlawanan lebih prb kerana hendak memperlihatkan ketinggian diri, maka hidup dlm kesukaran;

menyombong berlaku sombong, membesar-besarkan diri: *drpd gayanya yg ~ itu, nampak benarlah dia bukan orang dr kampung itu;*

menyombongkan berasa sombong kerana sesuatu, memegahkan, membanggakan: *jangan suka ~ ijazahmu; ~ diri memegahkan (meninggi-ninggikan) diri;*

kesombongan perihal (sifat dsb) sombong, keangkuhan: *cukuplah ~ dan keangkuhanmu pd hari ini;*

penyombong orang yg sombong (suka menyombong).

sombrero (sombbrero) sj topi lelaki yg tepinya lebar, seperti yg dipakai oleh orang Mexico.

someng (soméng) ark tidak sedap dilihat (didengar dll), janggal, memberi malu, menyakiti hati, sumbang.

somet Sr misai.

somnambulis (Ubat) orang yg berjalan semasa dlm keadaan tidur.

somnambulisme (Ubat) perbuatan berjalan semasa dlm keadaan tidur.

sompek (sompék) sobek tepinya (pengayuh dll), sumbing besar: *sampan rempung, kayuhnya ~ ;*

tersompek menjadi sompek: *ia diuji bagi menjamin ketahanan drpd ~, tergaris, dan pecah.*

sompeng (sompéng) sompek.

somplak Jk sompek.

somplok Jk; **tersomplok** = ~ dgn = **kesomplok** = ~ dgn tiba-tiba bersua dgn, terjerempak dgn.

sompoh ark; **menyompoh** menjulang (di atas bahu).

sompok I; **tersompok** bertemu (berjumpa) dgn tiba-tiba, terjerempak.

sompok II sj tumbuhan (pokok memanjat), *Jasminum bifarium*.

sompong berlubang (karung, buah kelapa, dll).

sonar sistem atau peranti utk mengesan kedudukan sesuatu sasaran (objek) di dlm air melalui pantulan gelombang bunyi.

sonata sj muzik instrumental, terutamanya yg digubah utk dimainkan pd piano (sama ada tanpa alat muzik lain ataupun bersama-sama dgn satu alat muzik lain spt viola).

sonatina (Muz) sonata pendek atau ringkas.

sondai I Mn miring (tanah, pantai, dll), landai.

sondai II sj tumbuhan (pokok), sondek, *Payena leerii*.

sondang Mn; **menyondang** memanggul barang-barang berat, memikul; □ → **sandang I**.

sondek (sondék) Jk; *mayang* ~ sj tumbuhan (pokok), sondai, *Payena leerii*.

sonder IB, bp dgn tidak, tanpa: *dia pergi ~ memberitahu aku*.

sondok Mn rambut di dahi, gombak, jambul, surai (kuda).

sondol; menyondol 1. menolak (merempuh, melanggar dsb) dgn menundukkan kepala atau dgn muncung (bahagian hadapan sesuatu, tanduk dsb): *lembu itu ~ budak yg sedang bermain-main; tanpa disengajakan, keretanya telah ~ kereta Adam sehingga kemek teruk di bahagian belakangnya; 2.* menangkis bola dgn kepala, menanduk bola;

bersondol-sondolan saling menyondol antara satu sama lain;

tersondol menyondol atau disondol dgn tidak sengaja;

sondolan hasil atau gerakan menyondol: *dia tidak dapat mengawal keretanya akibat ~ kereta yg sangat kuat dr belakang*.

sondong sj jaring utk menangkap udang;

menyondong mencari (menangkap) udang;

penyondong sj alat utk menyondong udang.

sondor Jk → **sodor I**.

sonet (sonét) soneta.

soneta (sonéta) sj sajak yg terdiri drpd empat belas baris dan tiap-tiap baris pula mengandung sepuluh suku kata dan mempunyai corak irama yg sama.

songar Jk sombong, congkak, takbur.

songeh (songéh) bp kehendak yg agak menyusahkan orang lain; *banyak* ~ banyak kehendak atau ragam yg menyusahkan orang lain.

songel (songél) gumpalan tembakau yg dikemam dlm mulut, biasanya tersentil atau digerak-gerakkan di antara bibir atas dgn gusi: *tangannya memainkan ~ tembakau yg tersentil di bibirnya;*

menyongel meletakkan atau menggerak-gerakkan songel di antara bibir atas dgn gusi supaya tersentil: *beberapa orang perempuan sedang duduk-duduk makan sirih dan ~; begitulah kata orang tua yg asyik ~ itu;*

tersongel tersembul sedikit.

songgak Mn tampan, kacak.

songgeng (songgéng) **I** → **sungging I**.

songgeng (songgéng) **II 1.** tegak dada, terkedik, melentok sedikit ke belakang (dada); **2.** punggung ter naik sedikit ke atas, tonggek.

songket (songkét) = *kain* ~ kain tenun yg bersulam dgn benang emas atau benang perak: *ibu membelikan ayah ~ berwarna biru;*

bersongket 1. bersulam dgn benang emas atau benang perak: *kain ~;* **2.** memakai songket: *kedua-dua mempelai itu ~ hijau yg ditempah khas di Terengganu;*

menyongket menyulam dgn benang emas (perak): *wanita itu mewarisi kehandalan menenun, menyulam, ~, menekat dan mengarang manik.*

songkok I sj tutup kepala utk lelaki (biasanya diperbuat drpd baldu), kopiah.

songkok II sj tumbuhan (pokok), *Gnetum gnemon*; ~ *rimau* sj tumbuhan (pokok), merbatu (layang), sauh hutan, *Parinariium corymbosum*.

songkong ark bp sokong.

songlap → **sulap I**.

songong Jk tidak tahu adat.

songor I Pr sombong, bongkak.

songor II Tr kelihatan bodoh, berpura-pura tidak tahu: *Ali ~ sahaja, tetapi di sekolah dia selalu mendapat nombor satu.*

songsang I 1. terbalik letaknya atau duduknya (yg di atas menjadi di bawah, yg di depan menjadi di belakang, dsb), terbalik keadaannya dsb (yg sepatutnya didahulukan dikemudiankan dsb): *kerbau bertanduk ~; berjalan ~* berjalan di atas tangan (kaki ke atas); *letak ~* kaki di bawah dan kepala di atas (kedudukan bayi ketika hampir akan dilahirkan); **2.** ki berlawanan drpd biasa (bkn ajaran, kepercayaan, amalan, dsb): *ajaran ~; spt aur ditarik ~* prb pekerjaan atau perkara yg sukar diselesaikan kerana sudah salah jalan;

menyongsang terbalik (letaknya, duduknya, dll);

menyongsangkan menjadikan terbalik (yg di atas menjadi di bawah, yg sepatutnya didahulukan dikemudiankan, dll), membalikkan, menterbalikkan;

tersongsang terbalik;

songsangan sesuatu yg tersongsang, kebalikan;

kesongsangan keadaan yg terbalik drpd kebiasaan: *selama ini telah wujud ~ di kalangan sesetengah pengkritik drama tanah air;*

penyongsangan perihal (perbuatan dsb) menyongsangkan;

penyongsang alat yg menyongsangkan arus terus kpd arus ulang-alik.

songsang II; *kembang* ~ Id sj tumbuhan (herba), *Gloriosa superba*.

songsering Pl selesema, lemas hidung.

songsong I berlawanan (bertentangan) arah; ~ *arus* belayar bertentangan dgn arah arus;

bersongsong berjalan (dll) bertentangan arah, bertembung di jalan (tetapi berlainan arah), berpapasan dgn: *pemandu kereta dan penunggang basikal itu ~ di jalan;*

menyongsong **1.** menempuh sesuatu yg bertentangan arahnya (ketika belayar menentang arus air dll): *pelayarannya tiada berapa laju sebab ~ angin barat; menyeberang lautan ~ gelombang;* **2.** menyambut kedatangan orang (tetamu dll), mengalu-alukan: *budak-budak berkejaran ke pintu jalan ~ bapanya balik dr kerja;* **3.** melawan (utk membasmi), menentang; **4.** menyambut (hari jadi, hari raya, dll) dgn perayaan; **5.** membayar ganti rugi, menyilih; **6.** memenuhi (harapan dll); **7.** mengembalikan wang yg berlebih; **8.** pergi (ke), datang: *tak malukah abang ~ ke tempat yg lengang sepi ini?*

songsong II; ~ *arus* sj ikan laut, betung, selar papan, *Caranax malam*.

songsong III; ~ *arus* sj siput.

songsong IV Jw payung kebesaran.

sono I Jk sana.

sono II Jw ark tempat (dlm kata majmuk).

sonometer (sonométer) sj alat utk menyukat tegasan batuan.

sonor I Id merdu (bunyi), nyaring.

sonor II 1. sj ikan laut, *Saurus myops*; **2.** sj ikan laut, *Saurida tumbil*.

sontak I Jk serpih tepinya (pinggan mangkuk dll), sompek, sumbing.

sontak II; *mendadak* ~ dgn tiba-tiba, dgn sekonyong-konyong.

sontek (sonték); **menyontek** melanggar, meninju, menolak, menyorong.

sontok I Mn pendek, singkat; ~ *akal (fikiran)* picik akal; □ → □ **suntutk.**

sontok II Jw ark; **menyontok** menumbuk, meninju.

sontoloyo Id, bp kata utk menyatakan sesuatu tidak baik (buruk, tolol, dll).

sooh Kl panas badan (kerana memakai pakaian tebal dll).

sopak sj penyakit kulit (berbelang-belang putih pd tangan atau kaki).

sopan **1.** hormat (segan, takzim) dgn tatatertib: *jangan kurang ~ di hadapannya*; **2.** baik budi bahasanya, tahu tertib peraturan, beradab: *suaranya lembut dan ~; kau memang kasar dan tidak ~*; **3.** baik perangai dan kelakuannya (tidak cabul atau lacur): *perempuan hendaklah sepanjang masa ~ dr segenap segi*; **4.** sl berasa segan (takut, gentar, ngeri) akan: *tiada hamba peduli dan ~ akan raksasa itu; bukanlah Raja itu besar namanya dan segala seteru pun tiada ~ akan dia*;

bersopan berbudi bahasa, beradab: *orang kampung memang ~ kpd orang luar*;

menyopani **1.** berlaku sopan terhadap, menghormati; **2.** = **mengesopani** sl berasa takut (gentar, segan) akan: *tiada siapa yg dikesopannya dan dibilangkannya hanya Belia Raja*;

menyopankan mendidik (mengajar, mengasuh, dll) supaya menjadi sopan, mengadabkan;

kesopanan **1.** perihal sopan (tingkah laku, tutur kata, dll): *gambar yg membayangkan ~ seorang gadis desa*; **2.** adat sopan santun, tatasusila, tingkah laku (tutur kata) yg baik: *perbuatan kita sudah melanggar ~ timur*; **3.** keadaban, peradaban;

ketaksopanan keadaan tidak sopan: *nilai-nilai ~*.

sopan santun **1.** sikap lemah lembut, baik budi pekerti, beradab, hormat dsb: *ia menjadi bertambah indah apabila dikaitkan dgn kehalusan dan ~ wanita; jaga ~ anda ketika menghadiri temu duga*; **2.** adat istiadat yg baik, tatasusila: *takkanlah dia tidak mengetahui ~ kehidupan orang Islam*;

bersopan santun mempunyai atau menunjukkan sopan santun, berkelakuan sopan: *orangnya kecil molek dan ~; sejak kecil lagi, anak-anak harus diajar ~ dan berdisplin;*

kesopansantunan hal yg berkaitan dgn sikap (sifat, tutur kata, tingkah laku dsb) yg bersopan santun: *terselit nilai keislaman dan ~ dlm berbahasa dan juga dlm penyelesaian masalah.*

sopeng (sopéng) Kl sumbing.

sopi Id sj minuman keras; ~ *manis* sj minuman keras yg harum dan manis.

soprano (Muz) nada suara perempuan atau kanak-kanak yg tertinggi (dlm nyanyian).

sora bp suara.

sorai; *sorak-~*; → **sorak I**.

sorak I = ~-*sorai* bunyi teriak dan pekik orang ramai (kerana gembira, mengejek, dll): *gemuruh bunyi tempik ~ segala hulubalang; di sekeliling terdengar bunyi petasan berletusan disela oleh ~ kawan-kawanku kerana kegirangan;*

biarlah alah sabung, menang ~ prb biarlah harta habis asal hati puas; dulu ~ kemudian tohok prb menggembar-gemburkan sesuatu pekerjaan yg belum pasti (terjadi, terbukti);

bersorak = ~-*sorai* berteriak-teriak (kerana bersuka-suka, bergembira, dll): *semuanya ~ ria; ramai orang yg ~ dgn gegak-gempita;*

menyoraki bersorak kpd (utk memberangsang, mengejek, dll), bersorak-sorak akan: *dr kanan dan kiri, teman-temannya ~ keburukan emaknya;*

menyorakkan meneriakkan atau menyerukan dgn suara yg nyaring (kerana kesukaan, mengejek, dll): *orang ramai ~ setuju;*

sorakan teriakan yg nyaring, sorak: ~ *mereka masih berlanjut-lanjut*;

penyorak orang yg menyoraki (dlm sesuatu pertandingan, permainan, dll).

sorak II Kl laci meja.

sorang bp seorang.

sordel (sordél) → **solder**.

sore (soré) Id petang: *pd suatu ~, aku bersiar-siar naik sepeda*; ~nya (pd sebelah) petangnya.

sorek (sorék) sj buluh (boleh dibuat tali).

soren (sorén) **I**; **disoren**, **tersoren** disisip atau tersisip (keris dll di pinggang).

soren (sorén) **II** Id tanah yg terjadi drpd daun-daunan yg lama terpendam, humus.

sorga → **syurga**.

sorjan; *baju* ~ sj potongan baju lelaki.

sorogan Jw; *durian* ~ buah durian yg dijolok (bukan yg gugur kerana masak).

sorok I; **menyorok 1**. masuk ke dlm sesuatu dgn merangkak (membongkok), menyusup atau menyeluduk dgn membongkok; **2**. ki menyembunyikan diri, bersembunyi;

~ *di balik lumbung* prb menyembunyikan sesuatu hal yg mudah atau sudah diketahui orang; ~ *hilang-hilang*, *memakan habis-habis* prb jika mengerjakan sesuatu pekerjaan rahsia hendaklah pandai-pandai benar menyimpannya; *sementara ~, ekor habis* prb perihal seseorang yg malang nasibnya;

menyoroki menyusup (menyeluduk) ke, menyorok ke;

menyorokkan 1. memasukkan ke bawah (ke dlm, ke belakang) sesuatu, menyusupkan (menyeludukkan): *ia masih lagi ~ mukanya*

di bawah bantal; **2.** ki menyimpan (menutup dll) supaya tidak kelihatan, menyembunyikan: *tak usahlah engkau ~ perkara yg seharusnya ibu tahu itu*;

tersorok 1. tersembunyi: *buku itu kuletakkan di atas rak kopiah ~ ke sebelah dalam*; **2.** ki jauh dr yg lain, terpencil: *tentera Jepun dan Siam selalu sahaja sampai ke kampung yg ~ spt Kampung Sulung itu*;

sorokan 1. sesuatu yg disembunyikan atau disorokkan; **2.** tempat bersembunyi (menyembunyikan), persembunyian;

sorok-sorokan, bersorok-sorokan bermain sembunyi, bermain cari-carian.

sorok II ark; *pintu ~ pintu sorong*.

sorok III; menyorok Kd bersarapan.

sorong 1. = **sorong** gerakan (bergeser) ke hadapan; *kotak ~ (sorong-sorong, sorongan)* laci meja; **2.** tolak (ke hadapan), dorong: *maka disuruh baginda ~, tiada tersorong; ~ dayung menolak air dgn dayung, melais; air ~ buih air pasang turun; angin ~ buritan* angin yg bertiup dr belakang perahu; *kereta ~ kereta yg beroda dan ditolak dr belakang*; **3.** rasuah, sogok; *kena ~ menerima rasuah; tahan jerat ~ kepala* prb hendak mencelakakan orang, tetapi diri sendiri yg mendapat celaka;

menyorong, menyorongkan 1. menolak (menolakkan) ke hadapan, mendorong: *terdengar kerusi disorong tarik; maka disuruh baginda ~, tiada tersorong; ~ dayung* menolak air dgn dayung, melais; **2.** memberikan, mengunjukkan, menghulurkan: *Wan Derus mengajak gurunya duduk sambil ~ tepak sirih; ~ tangan* menghulurkan; **3.** memberi rasuah, menyogok: *segala saudagar itu ~, ada yg seratus, ada yg dua ratus*; **4.** mengajak, mempelawa, menganjurkan: *~ damai*; **5.** memberikan dgn paksa,

memaksa-maksakan, menyodorkan; **6.** bk menyetubuhi; **7.** mulai (pasang atau surut): *air telah mulai ~ pasang;*

tersorong 1. dapat disorong, terdorong, tertolak: *maka disuruh baginda sorong, empat lima puluh orang tiada ~;* **2.** Mn terlanjur atau terlepas (kata dll); *bajak sudah ~ ke bencah* prb sudah tidak dapat ditarik kembali;

tersorong-sorong tersua-sua, terdorong-dorong, tersodor-sodor (diri dll); *hidung tak mancung pipi ~* prb a) suka ikut campur dlm urusan orang lain; b) suka menonjol-nonjolkan diri;

sorong 1. dorongan, tolakan: *di satu selekoh, ia terpaksa melambatkan ~ basikalnya;* **2.** yg disorong (disorongkan); **3.** pemberian, hadiah: *pengemis itu menyambut ~ itu dgn penuh syukur.*

sorot cahaya, seri, sinar: *sebentar-sebentar cincinnya berkilat-kilat kena ~ matahari; gambar ~* Id a) gambar hidup; b) projektor (gambar sisip dll);

menyorot 1. memancar (cahaya, sinar), bercahaya, bersinar: *nyala lampu minyak ~ keluar; matahari masih condong ~ dr belakang daun-daun kelapa yg mengilap-ngilap hijau;* **2.** = **menyoroti** memancarkan cahaya pd, menerangi (dgn cahaya), menyulahi: *biliknya hanya disoroti dgn lampu minyak yg samar-samar;* **3.** = **menyoroti** memandang dgn tajam: *dia ~ muka anak muda itu;* **4.** ki menghuraikan atau membicarakan (peristiwa, pendapat, dll) dgn teliti: *beliau telah ~ kembali sejarah kemasukan Islam ke tanah air kita ini; akan tetapi ada bahagiannya Kassim Ahmad ~ aspek isi dan bentuk karya-karya tertentu;*

sorotan 1. pancaran cahaya, sinaran: *~ lampu kereta menyilaukan mata mereka;* **2.** ki huraian (sesuatu perkara), pembicaraan: *ia cuba membuat analisa atau ~ cerpen itu;*

penyorotan perihal (perbuatan) menyorot: *ini disebabkan Zaid menyorot secara kritikal terhadap protagonisnya seperti mana yg lazim kita dapati dr ~ hikayat-hikayat lama terhadap tokoh utamanya;*

penyorot; *lampu* ~ a) lampu picit; b) lampu cari.

sorti penerbangan yg dilakukan oleh pesawat udara tentera utk misi tertentu.

sortir IB; *tukang* ~ orang yg memilih;

menyortir memilih, mengasing-asingkan (dlm kelompok, jenis, dll).

soru bp makan.

sos bahan (cair atau pekat) utk menyedapkan makanan: ~ *tomato*.

SOS kep *save our souls*, iaitu isyarat kecemasan yg dihantar dr kapal, kapal terbang dsb yg sedang menghadapi bahaya melalui radio dsb utk meminta pertolongan segera: *kapal itu sempat menghantar ~ kpd pusat kawalan pantai sebelum tenggelam*.

soseh-soseh (soséh-soséh) bp bunyi percakapan yg tidak jelas kedengaran (bisikan dll).

sosej (soséj) sj makanan drpd daging kisar yg diisi dlm usus atau sarung tiruan.

sosial **1.** segala yg berkaitan dgn masyarakat, perihal masyarakat, kemasyarakatan: *kedudukan ekonomi dan ~nya pd masa ini belum begitu kuat*; **2.** berkaitan dgn persahabatan, pergaulan, dan aktiviti masa lapang: *kelab ~; aktiviti ~*; **3.** suka bergaul dan bermesra: *gadis yg ~*; **4.** bkn hal-hal kemasyarakatan: *pemimpin yg ~; perjumpaan ~ keramaian*;

~ *demokrasi* faham atau ajaran yg bertujuan membangunkan masyarakat secara damai utk mencapai masyarakat sosialis; ~ *demokrat* penganut atau penganjur faham sosial demokrasi;

bersosial bercampur gaul (biasanya dimaksudkan antara lelaki dgn perempuan): *pemuda pemudi yg pandai ~ dan menyesuaikan diri dgn kehendak-kehendak zaman;*

kesosialan perihal sosial: *kerana perasaan ~nya, beliau selalu disukai orang dlm pergaulan.*

sosialis **1.** orang yg menyokong sosialisme; **2.** berkaitan dgn sosialisme.

sosialisasi **1.** IB usaha utk memindahkan hak milik seseorang menjadi milik negara (umum); **2.** perihal (perbuatan) bergaul dan bermesra (antara satu sama lain), pergaulan: *Tunstall telah menekankan pentingnya kajian media massa dlm konteks kehidupan dan proses ~ sesuatu masyarakat; ~ yg dialami para siswa berjalan tanpa sekatan, apalagi mereka jauh dr perhatian ibu bapa;* **3.** proses mendidik seseorang utk menyesuaikan diri dgn suasana (sikap, nilai dsb) yg dapat diterima dlm masyarakat: *anak-anak hari ini mudah terdedah kpd pelbagai agen ~ bukan sahaja drpd ibu bapa; ~ manusia berlaku melalui pendidikan formal dan tidak formal sejak kecil hingga sepanjang hayat;*

bersosialisasi melakukan sosialisasi: *antara tujuan menghantar anak ke tadika adalah utk mengajarnya ~;*

mensosialisasikan **1.** IB menjadikan milik negara, memiliknegerakan; **2.** mendidik seseorang utk menyesuaikan diri dgn suasana (sikap, nilai dsb) yg dapat diterima dlm masyarakat: *komunikasi memainkan peranan yg penting dlm ~ ahli-ahli masyarakat; terdapat beberapa faktor yg mempengaruhi cara ibu bapa ~ anak-anak mereka.*

sosialisme teori atau sistem organisasi sosial yg menganjurkan supaya sumber-sumber kekayaan spt pengeluaran, tanah, modal, dsb dijadikan milik negara utk dinikmati oleh setiap rakyat dgn sama rata.

sosialit orang yg terkenal dlm golongan orang ternama atau masyarakat golongan atasan.

sosiawan Id orang yg bekerja utk kepentingan masyarakat.

sosio- *awalan asing* berkaitan dgn faktor sosial (kemasyarakatan), mis *sosioekonomi* dan *sosiopolitik*.

sosiobiologi kajian tentang aspek tingkah laku sosial manusia atau haiwan dr segi biologi.

sosiobudaya hubungan masyarakat dgn budaya (spt cara hidup, adat istiadat, dll): *Malaysia mengalami perkembangan pesat dlm ~, ekonomi, dsb.*

sosiodrama drama yg memaparkan pelbagai masalah sosial dan politik yg berlaku dlm masyarakat.

sosioekonomi (sosioékonomi) berkaitan dgn, melibatkan unsur-unsur atau faktor-faktor kemasyarakatan dan ekonomi: *kajian-kajian ~.*

sosiolek (sosiolé) (Lin) dialek sosial.

sosiolinguistik kajian bahasa dlm hubungannya dgn struktur dan sikap masyarakat.

sosiologi kajian tentang perkembangan, organisasi, kehidupan, dsb masyarakat manusia.

sosiologis IB mengenai sosiologi.

sosiometri (sosiométri) kaedah penelitian yg umumnya bertujuan utk meneliti hubungan sosial dan psikologi antara individu di dlm sesuatu kelompok.

sosiopolitik berkaitan dgn atau melibatkan faktor-faktor kemasyarakatan dan politik.

sositet (sositét) IB, bp rumah (balai) tempat bersenang-senang.

sosoh I; menyosoh memutihkan atau membersihkan beras dll dgn menumbuknya perlahan-lahan, menceruh;

penyosohan **1.** perbuatan menyosoh (beras dll); **2.** mesin utk memutihkan (menceruh) beras; **3.** tempat menyosoh beras.

sosoh **II** Mn; **bersosoh** = *berperang* ~ = *perang* ~ berperang serang-menyerang (langgar-melanggar) dgn hebatnya;

menyosoh **1.** menyerang atau melanggar serentak (bersama-sama); **2.** melakukan sesuatu dgn banyak (berlebih-lebih); ~ *makan* makan dgn banyak.

sosok **I** lubang (pd jerat dll), lubang butang baju.

sosok **II** Mn yg akan dijadikan (negeri, ladang, dll), bakal, permulaan;

bersosok beransur-ansur mula;

menyosok memulai mengerjakan (melakukan) sesuatu; ~ *negeri* memulai membuka negeri.

soto sj makanan spt sup yg dicampur dgn daging ayam bersama nasi himpit (mi, tauge, dll) .

sotong = *ikan* ~ sj ikan gurita (ikan tinta, cumi-cumi);

~ *gurita* sj sotong, *Octopus spp.*; ~ *katak* sj sotong, *Sepia spp.*; ~ *mengabang*, *Sepioteuthis lessoniana*; ~ *kering* a) sotong yg dikeringkan; b) ki orang yg kurus benar; c) ki orang yg penakut, pengecut.

sotor ark langit-langit, loteng.

sowan → **soang**.

sowang → **soang**.

sowek (sowék) → **sobek** **I**.

soya; *kacang* ~ sj tumbuhan (herba yg buahnya boleh dimakan), *Glycine soja*.

soyak koyak, cabik, sobek;

menyoyak, **menyoyak-nyoyak** mengoyak, menyobek, mencabik-cabik: *disoyaknya kain songkok itu sebelah dalam*.

soyok ruang tambahan yg berbumbung, bertiang, ada kalanya berdinding, biasanya tidak berlantai, dan bersambung dgn rumah ibu, sama ada di depan, di rusuk atau di belakang.

SP kep Seri Paduka.

spa **1.** tempat atau kolam mata air mineral yg mengandungi khasiat ubat-ubatan yg baik utk kesihatan: *konsep penjagaan kesihatan dan ~ semakin popular dan membudaya di kalangan golongan korporat*; **2.** tempat yg menawarkan rawatan kesihatan dan kecantikan dgn cara mandi wap, khidmaturut dsb; **3.** jakuzi.

SPA kep Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

spageti (spagéti) sj makanan spt mi yg berasal dr Itali.

span **1.** sj binatang laut yg tubuh badannya berliang-liang (ringan dan mudah menyerap air); **2.** benda yg berliang-liang halus (drpd getah dll) yg boleh menyerap air atau benda cair dan digunakan utk mencuci dsb.

spasi **1.** IB jarak antara huruf-huruf atau antara baris huruf: *hendak ditaip dgn ~ rangkap*; **2.** kepingan timah yg kecil-kecil utk merenggangkan huruf atau baris (dlm percetakan).

spasma (Ubat) pengecutan otot luar kawal, terutamanya yg menyebabkan kekejangan.

spasmodik (Ubat) berkaitan dgn atau disebabkan oleh kekejangan otot: *asma ~.*

spastik bkn kecacatan anggota akibat kekejangan otot hingga menyebabkan sesetengah bahagian tubuh pesakit tidak boleh bergerak.

spatbor IB, bp madgad.

Speaker (spéaker) orang yg mempengerusikan sidang mesyuarat (Dewan Rakyat, Dewan Negara, Dewan Undangan Negeri), Yang Dipertua (Dewan Rakyat, Dewan Negara).

sped (spéd) satu drpd corak pd daun terup yg berbentuk hati berkaki dan berwarna hitam.

spektrofotometer (spéktrofotométer) alat utk menghasilkan atau merakam spektrum dan mengukur keamatan cahaya.

spektrograf (spéktrograf) (Fiz) spektrometer atau spektroskop yg menghasilkan rakaman fotograf.

spektrografi (spéktrografi) teknik merakam sesuatu spektrum.

spektrometer (spéktrométer) (Fiz) alat utk mengukur panjang gelombang pelbagai jenis sinar; ~ *jisim* sj spektrometer yg digunakan utk menentukan jisim atom atau molekul dan bilangan relatif isotop yg berlainan.

spektroskop (spéktroskop) (Fiz) alat optik utk menghasilkan dan memeriksa spektrum cahaya atau sinaran drpd sebarang sumber.

spektroskopi (spéktroskopi) kajian tentang spektrum, terutamanya aspek penghasilan, penyukatan, dan pentafsiran spektrum;

~ *inframerah* kaedah analisis yg mengukur julat panjang gelombang inframerah yg diserap oleh sesuatu bahan sampel utk membolehkan atom atau kumpulan atom dlm molekul sampel dikenal pasti; ~ *jisim* kaedah analisis utk menentukan jisim atom atau molekul dgn menggunakan spektroskop.

spektrum (spéktrum) **1.** paparan cahaya yg berwarna-warni (spt warna pelangi) yg terjadi apabila sinar cahaya diuraikan menerusi kaca prisma; **2.** julat atau lingkungan sesuatu perkara tertentu: *proses pendidikan hendaklah berakarkan ilmu pengetahuan dan teknologi dlm apa juga ~; perkembangan bahasa kanak-kanak berbeza-beza dlm satu ~ yg luas;*

~ *garis* spektrum pemancaran atau penyerapan yg terdiri drpd garis-garis (setiap garis terbit akibat perbezaan aras tenaga elektron); ~ *jalur* spektrum yg terdiri drpd satu siri jalur sinaran yg

dipancarkan atau diserap; ~ *jisim* spektrum yg terhasil drpd spektrometer atau spektrograf; ~ *pemancaran* spektrum yg terhasil akibat pemancaran sinaran elektromagnet drpd sesuatu jisim; ~ *penyerapan* spektrum yg terhasil drpd penyerapan sinaran elektromagnet oleh sesuatu jirim.

spekulan (spékulan) IB orang yg mencari keuntungan besar (dlm perniagaan).

spekulasi (spékulasi) **1.** perenungan, tafakur; **2.** pendapat (kesimpulan, dugaan, dll) yg tidak berdasarkan kenyataan atau fakta-fakta; **3.** perihal (perbuatan) membeli dan menjual sesuatu (saham dll) dgn harapan utk mendapat keuntungan besar tetapi memikul risiko besar pula;

berspekulasi membuat spekulasi: *saya tidak ingin ~ lebih lanjut lagi;*

penspekulasi orang yg membuat spekulasi.

spekulatif (spékulatif) **1.** dgn pemikiran semata-mata, secara teori, berdasarkan atau bersifat spekulasi (tidak berasaskan fakta-fakta); **2.** bersifat spekulasi (dgn mengadu untung sahaja), berasaskan harapan akan memperoleh keuntungan besar walaupun terpaksa menanggung risiko (bkn kegiatan jual beli).

spekulator (spékulator) orang yg membuat spekulasi (dlm pasaran saham dsb) dgn harapan dapat membuat keuntungan walaupun terpaksa menghadapi risiko.

spekulum (spékulum) (Ubat) alat yg dimasukkan ke dlm rongga tubuh utk tujuan pemeriksaan.

speleologi (spéléologi) **1.** kajian saintifik tentang gua, terutamanya dr segi pembentukan geologi dan juga flora dan fauna yg terdapat di dalamnya; **2.** rekreasi meneroka gua.

sperma (Bio) benih (haiwan) jantan, sel pembiakan (haiwan) jantan.

spermatozoon (Bio) gamet jantan yg matang.

spesial (spésial) bp istimewa, khas, khusus.

spesialis (spésialis) bp ahli dlm sesuatu bidang (istimewa dlm ilmu perubatan), pakar: *seorang ~ dlm pekerjaan jalan raya dan pengairan.*

spesialisasi (spésialisasi) kepakaran dlm sesuatu cabang ilmu dll.

spesies (spésiés) golongan benda (binatang, tumbuh-tumbuhan, dll) yg mempunyai sifat yg sama atau bersamaan bangsa, jenis.

spesifik (spésifik) khas, khusus, tertentu: *karangannya biasa menjadi bahan bagi para guru utk menerangkan istilah-istilah yg ~ bagi dunia keagamaan Islam;*

kespesifikan perihal (keadaan atau sifat) spesifik.

spesifikasi (spésifikasi) butiran terperinci yg ditentukan (dinyatakan) utk sesuatu, perincian (tentang sesuatu): *juga terdapat keadaan apabila pelanggan-pelanggan memohon warna model dan ~ yg sukar dibekalkan.*

spesimen (spésimen) contoh, sampel: *berdasarkan ~ darah yg akan dianalisis.*

spidometer (spidométer) bp meter laju.

spinet (spinét) sj alat muzik lama (abad ke-16 hingga ke-18) yg dimainkan spt piano.

spion IB penyuluh rahsia.

spirillum (Bio) bakteria yg bentuknya berlingkar.

spirit cairan yg mengandungi alkohol yg mudah menyejat atau terbakar; ~ *bermetil* campuran etanol dan metanol, dgn sedikit bahan lain (digunakan sbg bahan api dan pelarut).

spiritisme **1.** pemujaan roh (orang yg telah meninggal); **2.** kepercayaan bahawa roh dapat berhubungan dgn manusia; **3.** ajaran dan cara-cara memanggil roh.

spiritual 1. berkaitan dgn atau bersifat rohani atau jiwa (bukan bersifat fizikal), rohaniah: *kegiatan pembangunan ~ juga akan diteruskan bagi memastikan artis menjadi golongan yg dihormati; pembangunan yg berimbang antara aspek material dgn aspek ~.*

spiritualisme kepercayaan bahawa roh orang yg mati boleh berkomunikasi dgn orang yg hidup (terutamanya melalui perantaraan).

spirituil IB spiritual.

spirogira (Bio) beberapa jenis tumbuhan (rumpair) yg halus spt benang, *Spirogyra spp.*

spirograf alat utk merakamkan pergerakan pernafasan dan isi padu udara yg disedut dan dihembuskan semasa pernafasan.

spiroket (spirokét) (Bio) sekumpulan bakteria berbentuk pilin yg bergerak dgn membengkok-bengkokkan selnya, termasuklah jenis yg menyebabkan penyakit sifilis pd manusia.

spirometer (spirométer) alat utk menyukat isian udara dlm paru-paru.

spirulina sj alga yg berkhasiat utk kesihatan.

splenektomi (splénéktomi) (Ubat) pembuangan limpa secara pembedahan.

splenitis (splénitis) (Ubat) radang pd limpa.

SPM kep Sijil Pelajaran Malaysia.

spoiler aksesori yg biasanya dipasang di atas penutup ruang barang belakang kereta utk meningkatkan kestabilan semasa kereta bergerak laju.

spondilitis (Ubat) radang pd ruas tulang belakang.

spondilosis (Ubat) penyakit sendi pd tulang belakang yg menyebabkan sendi tersebut tidak dapat bergerak.

spontan tidak dgn paksaan, dgn desakan atau gerak hati sendiri sahaja, berlaku atau tercetus dgn sendiri (tidak dgn dipaksa-paksa atau

setelah dirancang-rancang): *kita ingin melihat penyair-penyair secara ~ menyuarkan sesuatu yg berfaedah utk insan sejagat; penerimaan dan pengertian masyarakat terhadap sesuatu yg baru tidak selalunya ~;*

kespontanan keadaan spontan.

spora (Bio) biji-biji sel yg menjadi benih bagi tumbuh-tumbuhan yg tidak berbunga (spt paku pakis, cendawan, dll).

sporangium (Bio) struktur pd kulat yg menghasilkan spora.

sporozoa (Bio) kumpulan protozoa parasit yg membiak dgn menghasilkan spora dan biasanya tidak mempunyai organ gerak alih atau organ pemakanan.

sport bp sukan.

sportif IB **1.** mempunyai semangat sport (jujur dll); **2.** cergas, tangkas, gagah: *ada pemuda-pemuda ~ yg berlatih berlari dgn hanya memakai pakaian dalam.*

sporting bp berfikiran terbuka dan memenuhi kehendak seseorang: *ayahku memang rasional dan ~ orangnya; sikap ~ ibu bapa terhadap anak-anak adalah keterlaluan sehingga pelibatan mereka dgn dadah tidak dipedulikan.*

SPR kep Suruhanjaya Pilihan Raya.

spring objek drpd jalur logam yg berpilin, bergelung-gelung, dan menganjal, pegas: *~ jam.*

springbok sj binatang seakan-akan rusa kecil di Afrika Selatan yg dapat berlari pantas dgn melompat-lompat tinggi ke udara, *Antidorcas marsupialis.*

spt kep seperti.

S'pura kep Singapura.

sputnik sj satelit rekaan yg dilancarkan ke angkasa lepas oleh Soviet Union.

sputum (Ubat) kahak.

SPVM kep Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia.

Sr simbol kimia bagi strontium.

SR Id kep **1.** Sekolah Rendah; **2.** Sekolah Rakyat.

srikandi 1. isteri Arjuna yg gagah berani; **2.** ki wanita yg gagah berani, pahlawan wanita: *kalau perempuan biarlah mewarisi sifat Tun Fatimah, ~ yg bersemangat nasional sejati.*

SRJK kep Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

SRP kep Sijil Rendah Pelajaran.

SS kep Sarjana Sastera.

SSB kep Sistem Saraan Baru, iaitu sistem perkhidmatan awam bagi kakitangan kerajaan Malaysia yg diguna pakai dr 1992 hingga Oktober 2002 yg berasaskan penilaian prestasi individu.

SSM I kep Seri Setia Mahkota (pingat kelas satu dlm Darjah Yang Mulia Seri Mahkota Malaysia, pemegangnya disebut Tun dan isterinya Toh Puan).

SSM II kep Sistem Saraan Malaysia, iaitu sistem perkhidmatan awam bagi kakitangan kerajaan, yg menggantikan Sistem Saraan Baru mulai 1 November 2002, yg berteraskan kompetensi dlm pengurusan sumber manusia, penilaian tahap kecekapan, serta menggalakkan pembelajaran secara berterusan di kalangan staf.

st I kep ston.

st II Id kep sutan.

stabil I 1. tidak berubah-ubah atau turun naik dsb dgn kerapnya (bkn harga dll); **2.** tidak bergoyang (bkn kenderaan dll); **3.** mantap, kukuh, tenang, tidak bergolak (bkn keadaan politik dsb): *politik yg ~;*

menstabilkan menjadikan stabil (tidak berubah-ubah, tenang, mantap), memantapkan; *menjual sedikit-sedikit utk ~ harga, jangan membanjiri pasar dgn sekali gus;*

kestabilan perihal atau keadaan stabil (ekonomi dll) kemantapan, stabiliti: *kerajaan perlu sekali mengawal dasar kewangannya bagi menjaga ~ kewangan negara;*

ketidakstabilan perihal atau keadaan tidak stabil: *salah satu punca utama masalah ekonomi yg dihadapi oleh negara adalah akibat ~ sistem ekonomi dunia;*

penstabilan proses (usaha, tindakan) menstabilkan (ekonomi, harga, dll), stabilisasi, pemantapan;

penstabil alat (faktor dll) utk menstabilkan (ekonomi, harga, dll), pemantap.

stabil II (S.Lukis) arca pegun berbentuk abstrak yg biasanya diperbuat drpd dawai, kepingan logam dsb.

stabilisasi IB usaha utk menjadikan stabil (tetap), penstabilan.

stabiliti keadaan stabil, kestabilan, kemantapan: *utk menjamin ~ negara, perancangan keluarga mesti dijalankan.*

stadion IB stadium (gelanggang olahraga).

stadium I gelanggang olahraga yg besar dikelilingi oleh tempat duduk bertingkat-tingkat: *~ bola sepak; ~ hoki.*

stadium II IB tingkatan atau tempoh masa (bkn penyakit).

staf 1. kumpulan pekerja yg bekerja bersama-sama (di bawah ketua dll yg sama), kakitangan; **2.** kumpulan pegawai kanan tentera yg memimpin (mengatur dll) tentera: *S~ Angkatan Darat; ~ sarjan pegawai tentera yg pangkatnya setingkat di atas sarjan.*

stafaj tambahan bentuk manusia dan haiwan pd lukisan, khususnya lukisan landskap.

stag (Eko) orang yg membeli syer baru dgn harapan utk menjualnya semula apabila disenaraikan bagi memperoleh keuntungan dgn segera.

stagflasi (Eko) keadaan ekonomi yg tidak mengalami pertumbuhan dan disertai dgn kadar inflasi yg tinggi.

stagnasi IB kelambatan, terhambat, terhenti.

stail 1. cara atau gaya melakukan sesuatu (mengarang, bercakap, dll): *ia adalah seorang tokoh sastera yg mempunyai ~, gaya bawa yg tersendiri*; **2.** bentuk, potongan, atau fesyen (pakaian dll).

stalagmit (Geo) batu kapur yg bercerancang dlm gua (terjadi drpd titisan air yg mengandungi sebatian kalsium).

stalaktit (Geo) batu kapur yg meruncing ke bawah di dlm gua (terjadi drpd titisan air yg mengandungi sebatian kalsium).

stamen (stamén) (Bio) bunga jantan yg menghasilkan debunga.

stamina daya tahan (keupayaan utk) membolehkan seseorang itu bekerja kuat (berlari laju dsb): *dia berlari setiap pagi utk menambah ~nya.*

standard I 1. Id panji-panji; **2.** Id penopang yg berkaki (pd tiang bendera dll);

standard II 1. sesuatu yg diterima (diiktiraf) dan dijadikan dasar utk mengukur (menilai dsb) sesuatu yg lain (spt berat, isi padu, nilai wang, mutu, dll), piawai: *supaya tinggi mutu barangnya, tiap-tiap pengilang cuba menentukan supaya barang keluarannya itu memenuhi ~ yg tertentu*; **2.** taraf (kehidupan); **3.** sesuatu yg dianggap tetap nilainya sehingga dapat digunakan sbg ukuran nilai (harga): *~ emas*; **4.** (bentuk bahasa, ejaan, dsb) yg betul (selaras) dan diterima oleh semua penuturnya, baku: *bahasa (ejaan) ~*;

menstandardkan menjadikan standard (bahasa, ejaan, dsb), membakukan: *usaha-usaha utk ~ bahasa Melayu telah lama dijalankan oleh DBP*;

penstandardan perihal menstandardkan, standardisasi, pembakuan: ~ *tatabahasa bahasa Melayu*.

standardisasi (standadisasi) perihal (tindakan dsb) menjadikan standard, penstandardan, pembakuan: *ejaan baru berusaha mencapai ~ yg lebih rasional dlm penggunaan huruf-huruf itu; pembakuan atau ~ bahasa Melayu meliputi segala aspek bahasa*.

stanum (Kim) sj unsur logam, timah.

stanza rangkap (sajak) yg terdiri drpd sebilangan tertentu baris, bait (sajak).

stapler sj alat utk mencantum kepingan-kepingan kertas, pengokot.

stasion, stasiun IB stesen.

statik berada dlm keadaan tidak aktif (tidak bergerak-gerak, tidak berubah), tidak berubah (tingkatan kemajuan dll): *dasar pemerintah zaman itu ialah mengekalkan satu masyarakat yg ~; pasaran saham menjadi ~ apabila keadaan politik tidak stabil;*

menstatikkan menyebabkan statik;

kestatikan perihal, keadaan atau sifat statik.

statis Id statik.

statistik **1.** catatan angka-angka atau bilangan, butir-butir (keterangan) yg ditunjukkan dgn angka, perangkaan; **2.** cabang ilmu pengetahuan yg berkaitan dgn sesuatu yg didasarkan kpd bukti-bukti dlm bentuk angka atau bilangan.

stator (Kej) bahagian jana kuasa yg tidak bergerak.

status taraf atau kedudukan (negara, orang, dll): *guru-guru mestilah mengenal pasti matlamat kurikulum tidak formal yg boleh memberi kesan kpd ~ dan pencapaian pelajar;*

berstatus mempunyai atau ada status: *pengunjung pusat spa terdiri drpd golongan ~ tinggi yg ingin mendapatkan kesegaran mental dan fizikal;*

berstatuskan mempunyai sesuatu sbg status: *bangunan itu dibina di atas tanah yg masih ~ tanah pertanian.*

status quo (Latin) keadaan sebagaimana yg sedia ada tanpa dibuat sebarang perubahan.

statut undang-undang bertulis yg diluluskan oleh Parlimen atau badan lain yg berkuasa membuat undang-undang.

statutori mengikut statut (undang-undang atau peraturan) tertentu yg telah ditetapkan, berkanun: *terdapat peruntukan ~ khusus yg hanya terpakai kpd jurubank apabila mereka memungut dan membayar cek.*

STB kep Suhu Tekanan Biasa.

STD kep Sistem Terus Dail: *panggilan ~.*

stearin (stéarin) (Kim) sebatian organik yg diperoleh drpd penyabunan lemak, digunakan utk membuat sabun, lilin, gula-gula, pelekat dsb.

stelsel (stélsél) IB sistem.

stempel (stémpél) IB cap, tera;

menstempel mengecap, menera.

sten (stén) **I** → **stengan**.

sten (stén) **II** (Ubat) sj alat atau acuan yg digunakan utk menetapkan cantuman kulit pd tempatnya.

stengan (stén.gan) sj senapang automatik yg pendek.

steno (sténo) bp jurutrenkas.

stenografi (sténografi) kemahiran atau seni menulis trenkas, ilmu trenkas.

stenogram (sténogram) laporan dll yg ditulis dgn trenkas.

stenosis (sténosis) (Ubat) penyempitan yg tidak normal pd laluan atau saluran dlm tubuh.

stensil (sténsil) **1.** helaian kertas atau kepingan nipis plastik, logam, dsb yg ditebuk utk menghasilkan huruf, reka bentuk, dsb apabila dakwat atau warna disapukan padanya; **2.** helaian kertas berlilin yg digunakan pd mesin taip utk membuat stensil bagi mencetak huruf dsb;

menstensil mencetak semula dgn stensil;

stensilan rakaman yg dibuat dgn stensil.

steppe (stép) (Geog) kawasan padang rumput yg luas dan biasanya tidak ditumbuhi pokok.

stereng (stéréng) alat yg berbentuk spt roda utk mengemudikan kereta dll.

stereo (stéreo) sistem, peralatan, dsb yg digunakan utk menghasilkan bunyi stereofonik; ~ *hi-fi* sistem audio dua saluran dgn bunyi yg tinggi mutunya.

stereofonik (stéréofonik) bkn dgn bunyi yg dirakam dan disiarkan melalui pembesar suara dan berbunyi spt datang dr beberapa hala.

stereometri (stéréométri) (Fiz) ilmu ukur ruang atau isi padu (benda pejal).

stereoskop (stéréoskop) (Fiz) alat yg dengannya dua keping gambar yg diambil dr sudut yg berlainan sedikit kelihatan seolah-olah bersatu dan timbul, teropong stereo.

stereoskopi (stéréoskopi) pandangan atau rupa objek dlm atau seolah-olah dlm tiga dimensi.

stereotaip (stéréotaip) tidak mengandungi atau menunjukkan ciri-ciri dsb yg baru atau asli, biasa sahaja sebagaimana yg sering kali kedapatan (kedengaran dsb): *pendekatan dan kaedah pengajaran amat ~, terkongkong, dan konvensional; temanya ~ tetapi perutusannya itu dipentingkan;*

menstereotaipkan membuat tanggapan stereotaip tentang seseorang atau sesuatu: *bahasa yg ~ golongan wanita sbg golongan lemah, sbg suri rumah dsb.*

steril (stéril) **1.** terpelihara (bebas, bersih) drpd kuman atau hama; **2.** Id tidak subur, tidak dapat beranak atau berbuah, mandul;

mensteril menjadikan steril (bebas drpd kuman): *gunakan jarum atau pin yg sudah disteril;*

kesterilan perihal atau keadaan steril;

pensterilan perihal (perbuatan dsb) menjadikan steril, sterilisasi;

pensteril alat utk mensteril: *~ alat-alat bedah dsb.*

sterilisasi (stérilisasi) perihal (perbuatan dsb) menjadikan steril, pensterilan.

sterling **1.** piawai (wang, logam murni); **2.** mata wang Inggeris yg piawai; *wang (paun) ~ sj mata wang Inggeris.*

sternum (Bio) tulang yg terletak pd garis tengah dada vertebrat (pd vertebrat peringkat tinggi, spt mamalia, tulang ini merupakan tempat bersambungannya tulang rusuk).

steroid (stéroid) (Kim) sebatian organik yg mempunyai struktur gelang tertentu dan terdapat semula jadi dlm tumbuhan dan haiwan, termasuk sesetengah hormon dan vitamin: *Ben Johnson didapati positif menggunakan ~ dlm acara 100 meter di Sukan Olimpik Seoul.*

sterol (stérol) (Bio) sekumpulan alkohol steroid semula jadi spt kolesterol dan ergosterol.

stesen (stésén) **1.** bangunan perhentian kereta api atau bas: *apabila turun di ~ Singapura, aku menaiki teksi pula;* **2.** tempat (bangunan dsb) yg mempunyai peralatan khas utk memberikan sesuatu perkhidmatan atau menjalankan aktiviti tertentu: *~ radio; ~ hidroelektrik; ~ jana kuasa;* **3.** saluran gelombang radio.

stet (stét) perkataan yg mengarahkan supaya kata atau frasa asal yg telah dipotong atau dipinda (yg digarisi garis putus-putus) itu dikekalkan, biasanya ditulis di sebelah baris letaknya kata atau frasa berkenaan;

menstetkan menandakan atau membubuh stet sbg arahan mengekalkan kata atau frasa asal yg telah dipotong atau dipinda: *semasa penyuntingan, perkataan-perkataan itu distetkan kerana penggunaannya didapati tepat dan betul.*

stetoskop (stétoskop) (Ubat) alat yg digunakan oleh doktor utk mendengar bunyi dlm tubuh (bunyi degupan jantung, pernafasan, dll).

stew → **stu**.

stigma **1.** (Bio) bahagian hujung benang sari yg menerima debunga (tepung sari); **2.** sifat atau sesuatu yg menjatuhkan maruah, kecelaan, keaiban: *wanita kita juga tidak menghadapi ~ sosial seburuk yg dihadapi wanita banyak negara lain.*

stik **1.** sepotong daging tebal utk dipanggang atau digoreng; **2.** hidangan yg merupakan sepotong daging yg dipanggang dan dihidangkan dgn sos lada hitam, salad dsb.

stiker bp pelekat: *kegemarannya adalah mengumpul pelbagai ~; ~ kereta.*

stil (Bio) struktur (pd bunga) yg panjang dan halus, dan pd hujungnya terdapat stigma.

stilistik **1.** kajian tentang teknik penggunaan gaya bahasa secara berkesan dlm penulisan; **2.** berkaitan dgn stail atau gaya, terutamanya gaya bahasa penulisan: *demikian juga, Umar Yunus dgn tegas mengatakan bahawa unsur ~ yg utama ialah ayat; saya tidak bermaksud menutup penerokaan ~ penulis.*

stilistika → **stilistik**.

stim wap yg terjadi apabila air dipanaskan ke takat didih; *naik* ~ ki, bp a) marah, naik darah; b) naik syahwat.

stimulus dorongan, rangsangan.

stirena (stiréna) (Kim) sj hidrokarbon cecair yg digunakan utk membuat plastik dan getah.

STM Id kep Sekolah Teknik Menengah.

STMB kep Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

stok **1.** barang dagangan (tersimpan di kedai-kedai) utk dijual; **2.** himpunan barang yg tersimpan di stor dll; **3.** saham; ~ *penimbal* simpanan sesuatu komoditi oleh pihak berkuasa dsb utk mengatasi masalah turun naik penawaran dan harga yg tidak menentu; **4.** (Bio) bahagian batang sesuatu tumbuhan yg menerima tunas drpd tumbuhan lain dlm pencantuman.

stoker IB juruapi (di kereta api yg menggunakan arang dll).

stoking sj pakaian yg dibuat drpd benang sutera (kapas, bulu, dll) utk membalut kaki, kaus kaki; ~ *panjang* stoking yg panjangnya hampir ke paras lutut atau lebih;

berstoking memakai stoking.

stokis orang atau syarikat yg menyimpan sejumlah stok barang atau produk tertentu utk dijual atau diedarkan kpd penjual lain.

stoma (Bio) liang-liang seni terutamanya pd epidermis daun utk pernafasan.

stomata → **stoma**.

stomatitis (Ubat) radang pd membran mukus mulut.

ston unit berat yg bersamaan dgn 14 paun atau 6.35 kilogram.

stopkeran IB, bp kepala paip, pili air.

stopkontak IB, bp alat penghubung aliran elektrik, palam.

stoples (stoplés) IB sj balang bertutup yg dibuat drpd kaca.

stor I IB memasukkan (menyerahkan, membayarkan) wang dll;

menstor, **menstorkan** memasukkan (menyerahkan, membayarkan) wang dll kpd;

storan sesuatu yg distorkan (dibayarkan);

penstoran perihal menstor(kan).

stor II (rumah, ruang, bilik, dsb) tempat menyimpan barang: *karbida dan mercun yg disimpan dlm ~;*

storan 1. simpanan barang dsb (dlm sesuatu tempat utk digunakan apabila diperlukan); **2.** (Komp) peranti ingatan yg digunakan utk menyimpan data komputer.

stout (staut) sj bir yg berwarna hitam.

STP 1. kep Suhu dan Tekanan Piawai; **2.** kep Sijil Tinggi Persekolahan.

STPM kep Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

strata 1. lapisan (bumi dsb); **2.** tingkat kedudukan, peringkat taraf (dlm susunan atau hierarki tertentu): *novel-novel yg menyentuh soal keruntuhan akhlak, perbezaan ~, perbezaan kaum, penyelewengan persahabatan, dsb;*

berstrata terbahagi kpd beberapa kelas, golongan, tingkat dsb, bersusun lapis: *sebuah masyarakat yg ~;*

penstrataan proses pembentukan tanah atau batuan yg bersusun lapis: *beberapa muara tertentu akan mengalami percampuran sekata manakala pd masa-masa lain pula akan mengalami ~ atau menjadi berlapis.*

strategi (stratégi) **1.** ilmu tentang cara-cara merancang dan melaksanakan tindak-tanduk peperangan, ilmu siasat perang; **2.** siasat perang, taktik perang; **3.** bp siasat (muslihat) utk mencapai sesuatu maksud; **4.** rancangan yg teratur (yg memperhitungkan pelbagai faktor) utk mencapai matlamat atau kejayaan; *~ dua (tiga) serampang* strategi yg terdiri drpd dua (tiga) rancangan atau

pendekatan yg utama yg dilaksanakan sekali gus atau secara bersepadu.

strategik (stratégik) **1.** berdasarkan strategi: *letaknya ~ dan hanya dapat dicapai drpd tiga jurusan*; **2.** bp baik (elok) letaknya.

strategis (stratégis) IB strategik.

stratifikasi = ~ *sosial* pembahagian masyarakat kpd beberapa lapisan atau kelas yg berlainan, susun lapis masyarakat, pembahagian kpd atau pembentukan strata.

stratigrafi (Geo) kajian tentang ciri-ciri lapisan batu batan (spt kandungan dan kedudukan relatif) utk menentukan sejarah geologi lapisan tersebut.

stratokrasi (Sos) pemerintahan atau kerajaan tentera.

stratopaus (Geog) sempadan di antara stratosfera dgn mesosfera yg altitudnya kira-kira 50 - 55 km.

stratosfera (stratosféra) (Geog) lapisan atmosfera bumi yg terletak di antara 10 - 50 km di atas permukaan bumi.

straw tiub yg diperbuat drpd plastik, kertas, dsb utk menyedut minuman.

strawberi (strawbéri) **1.** sj tumbuhan (pokok renek), *Fragaria spp.*; **2.** buah drpd pokok strawberi yg berwarna merah dan mempunyai biji-biji kecil berwarna kuning di bahagian luarnya (dimakan mentah atau dibuat jem).

strecer (strécer) bp usungan utk orang sakit dsb.

streptokokus (stréptokokus) (Ubat) bakteria drpd genus *Streptococcus* yg boleh menyebabkan jangkitan dan penyakit, mis sakit tekak, demam merah dan pneumonia.

streptomisin (stréptomisin) (Ubat) sj ubat antibiotik yg diperoleh drpd bakteria *Streptomyces griseus*, digunakan utk merawat beberapa penyakit tertentu.

stres (strés) keadaan resah, cemas, tegang dsb akibat tekanan mental atau fizikal: *banyakkan sembahyang sunat dan zikir terutamanya pd waktu malam jika anda mengalami ~ dlm rumah tangga.*

striknina (Ubat) bahan yg sangat beracun drpd sejenis tumbuhan, yg digunakan dlm jumlah yg sangat sedikit sbg ubat utk merangsangkan saraf.

stroboskop alat yg mengeluarkan cahaya terang yg berkelip-kelip dgn pantas, digunakan utk menentukan kelajuan putaran atau getaran atau utk melaraskan gerakan sesuatu objek.

strok (Ubat) keadaan yg berlaku tiba-tiba akibat rosaknya atau pecahnya salur darah otak yg boleh menjadikan seseorang tidak sedar diri, (biasanya) diikuti oleh kelumpuhan, dan penyekatan salur darah oleh gumpalan darah.

strontium (Kim) unsur logam berbentuk pepejal lembut berwarna putih perak dan sangat reaktif, digunakan utk membuat aloi.

strudel pastri drpd doh lembut yg nipis, berinti dan digulung spt baulu gulung, terkenal di Austria dan Jerman.

struktur 1. cara sesuatu terbina atau terbentuk drpd pelbagai bahagian, unsur, atau aspek hingga menjadi suatu pola, sistem, atau bentuk tertentu: ~ *bahasa Melayu*; **2.** sesuatu yg dibina atau didirikan, binaan, bangunan, rangka bangunan; **3.** pola sesuatu (organisasi, masyarakat, dsb) yg terbentuk atau tersusun drpd pelbagai unsur yg mempunyai hubung kait antara satu dgn lain: ~ *organisasi Jabatan yg baru*;

berstruktur mempunyai struktur, ada strukturnya;

menstrukturkan menjadikan berstruktur, mewujudkan struktur pd: *masyarakat kapitalis metropolis distrukturkan secara politik dan ekonomi oleh proses perjuangan kelas*;

penstrukturkan perihal (perbuatan dsb) menstrukturkan.

struktural berkaitan dgn struktur: *penyatuan tanah sering dianggap sbg satu bentuk reformasi ~ di peringkat ekonomi mikro; teori-teori ini bagaimanapun sengaja menekankan unsur kelas dlm analisis ~.*

strukturalisme (Lin) satu kaedah kajian bahasa yg mengkaji dan menghuraikan struktur bahasa (berbeza drpd kaedah yg berdasarkan perspektif perbandingan, sejarah mahupun fungsi).

stu rendidih;

menstu memasak daging, sayur dsb secara rendidih.

studen bp pelajar di universiti, mahasiswa.

studi kajian, pelajaran: *otakku sudah terlalu penuh dgn soal-soal politik, sehingga tidak mungkin memusatkan perhatian pd ~.*

studio **1.** bilik tempat pelukis, pengukir, jurugambar, dsb bekerja; **2.** bilik yg dilengkapi pelbagai peralatan utk siaran program radio atau televisyen, atau rakaman piring hitam; **3.** bangunan yg digunakan oleh sesebuah syarikat penerbitan sbg tempat pembuatan filem.

stuko (S.bina) plaster berkualiti tinggi utk membentuk corak pd sesuatu permukaan spt dinding atau siling.

stupa bangunan drpd batu yg berbentuk loceng.

stupor (Ubat) keadaan hampir pingsan atau tidak sedar.

sturgeon sj ikan besar drpd famili Acipenseridae yg telurnya dijadikan kaviar.

su singkatan bagi bongsu; *mak ~* mak bongsu.

SU **1.** kep Setiausaha; **2.** Id kep Sekretaris Umum.

sua I; *pagar ~* pagar yg menyekat dua ekor kerbau yg akan diadu;

bersua **1.** datang saling mendekati, saling berdekat-dekatan: *itulah pertama kalinya mereka ~*; **2.** = **tersua** bertemu, berjumpa, terjerempak, terserempak: *dlm perjalanan itu, ia ~ dgn seekor*

harimau; apabila ~ dgn masalah-masalah agama; 3. bertemu (dgn barang yg dicari dll): puas ia mencari tetapi tidak ~; 4. = tersua boleh didapati, terdapat, ada: *tembakaunya tembakau cap ayam, daunnya, daun tarusan, jarang ~ di kampung kita yg serupa ini; 5. = tersua* berlaku atau terjadi, termakbul (permintaan dll), tepat (ramalan, telahan); *~ alurnya* ki sesuai benar, cocok, padan;

menyua **1.** mempersemukakan (ayam yg akan dilagakan); **2.** memberi sesuatu kpd, mengunjuk: *dia ~ bakul yg berisi udang kpd Bedah; 3.* menghulur (tangan); **4.** menemui, menjumpai: *apa yg disua itu ialah sesuatu yg luar biasa baginya;*

menyuakan **1.** menyogokkan, memberikan, menyodorkan: *Karim ~ sepiring kuih; 2.* menghulurkan (tangan dll);

mempersuakan menjadikan bersua (bertemu, berjumpa), mempertemukan, menyemukakan: *apalagi sekarang bulan tabut, tiap-tiap orang bebas keluar, jadi di tabut kita persuakan;*

tersua bertemu dgn, terjumpa;

persuaan pertemuan.

sua II; bulu ~ bulu di leher ayam; □ → □ **suak I.**

suah ark bp pernah, sudah; *belum* ~ belum pernah (sudah).

suai I; *~ kenal* menyesuaikan diri (dgn sesuatu keadaan yg baru) serta berkenal-kenalan dgn rakan sejawat dll, orientasi: *minggu ~ kenal sudah menjadi program tradisi yg diamalkan di pusat-pusat pengajian tinggi;*

bersuai bersesuaian; → **sesuai.**

suai II; tali ~ tali penarik dr puncak tiang ke hujung haluan (pd kapal layar); *lampu* ~ Br lampu pd puncak tiang kapal.

suak I; bulu ~ bulu di leher ayam; **sua II.**

suak II teluk kecil (di sungai, di laut), serokan.

suak III ark tidak jadi, tidak berhasil, batal, gagal, urung; *minta* ~ Mn a) minta dibatalkan atau dibebaskan drpd denda yg dijatuhkan; b) minta dikembalikan sedikit drpd wang denda yg dijatuhkan; *belum pernah* ~ a) belum pernah batal; b) selalu.

suak IV = ~ *rambut* belah rambut yg disikat atau disiah ke kiri atau ke kanan: *dia membuat ~ rambut isterinya dgn menggunakan duri landak*;

menyuak membelah atau menyiah (rambut).

suaka sl tempat berlindung atau menumpang (hidup); ~ *politik* (Udg) perlindungan drpd tekanan politik atau kezaliman yg diberikan oleh sesebuah negara kpd rakyat asing yg lari dr negaranya;

bersuaka berlindung (menumpang) hidup pd: *jika demikian, baik aku ~ pd Bendahara Seri Buana*.

sualak ark suka; → **solak I**.

suam tidak terlalu panas, hangat: *tuang sedikit air ~ supaya semua garam itu larut*; ~~~ *kuku* tidak berapa panas (air); *badannya ~~~* badannya agak panas (kerana demam), dedar;

kesuaman rasa hangat: *kasih sayang, dakapan mesra sambil merasai ~ tubuh ibu*.

suami orang (lelaki) yg dikahwini seseorang perempuan, laki, lwn isteri: *banyak lagi orang muda di kampung ini yg padan menjadi ~nya*; ~ *isteri* laki bini;

bersuami mempunyai suami, sudah berkahwin (perempuan): *jikalau begitu sudah patutlah engkau ~*;

bersuamikan mempunyai seseorang sbg suami, berkahwin dgn (perempuan): *anak jarahan itu tidak patut ~ tuan*; *dia yg ~ ahli perniagaan juga terpaksa berdepan dgn masalah keluarga*;

mempersuami menjadikan suami;

mempersuamikan mengahwinkan (anak perempuan): *sekarang ayahanda hendak ~ anakanda dgn orang ini.*

suang mudah, senang, lekas; ~ *pecah* mudah (senang) pecah; *tak ~ = tak ~ ~* a) tidak mudah, tidak lekas; b) tidak putus-putus, sentiasa.

suangi I 1. sj hantu yg jahat; *burung ~* burung hantu; **2.** pawang (dukun) yg mendapat pertolongan drpd hantu.

suangi II bomoh yg bekerja dgn bantuan orang halus.

suangi III; *ikan ~ = ~ batu* sj ikan laut, *Holocentrum rubrum.*

suap 1. sebanyak yg dijemput dan dimasukkan ke mulut (nasi dll): *boleh kita kendurikan anak kita barang se~ nasi dan seteguk air;* **2.** = *wang ~* wang sogok, rasuah; *makan ~* menerima rasuah;

bersuap makan dgn tangan;

bersuap-suapan saling memberi makan dgn tangan, bertukar suap (pengantin yg sedang bersanding dll): *setelah sudah ~, maka ia pun memimpin tangan isterinya;*

menyuap 1. makan dgn tangan (tidak dgn sepit atau dgn sudu dll); **2.** = **menyuapi** memasukkan makanan ke dlm mulut orang, memberi makan dgn tangan: *ia terus ~ anaknya;* **3.** = **menyuapi** memberi wang suap kpd, memberi rasuah, menyogok: *mana-mana yg boleh diugut telah diugut, dan mana-mana yg boleh disuap telah juga disuap;*

menyuapkan memasukkan (makanan dll) ke dlm mulut seseorang: *ia ~ pulut kacau ke dlm mulut anaknya;*

mempersuapkan sl menyuruh atau meminta bersuap-suapan (pengantin yg sedang bersanding): *pengantin itu dibawa naik ke dlm istana dipersandingkan dan dipersuap-suapkan makan nasi kunyit;*

suapan 1. apa-apa yg disuapkan: *tiap-tiap ~ itu harus dipaksa-paksa utk ditelan;* **2.** wang rasuah, sogokan; **3.** (Kej) bahan yg

dimasukkan ke dlm sesuatu peralatan unit operasi utk diproses bagi mendapatkan hasil;

penyuapan perbuatan menyuap(i) atau menyuapkan.

suar 1. cahaya lampu (nyala api dll) yg digunakan sbg isyarat; *memberi* ~ memberi isyarat dgn api; *mercu* ~ Id rumah api; 2. suluh atau obor yg digunakan utk memikat ikan;

bersuar memakai suar, memberi isyarat dgn nyala api (cahaya lampu dll);

menyuar menyinari, menyuluhi;

~ *ikan* memikat ikan dgn suluh, menyuluhi ikan; ~ *lebah* mengusir lebah dgn suluh utk mendapatkan madunya;

tersuar dinyalakan, terpasang.

suara 1. bunyi manusia (bercakap dll): ~ *itu nyatalah* ~ *perempuan*; 2. bunyi binatang: *ia sangat hairan mendengar* ~ *burung itu*; 3. bunyi alat perkakas (radio dll); 4. apa yg dikatakan (diucapkan), perkataan, ucapan: ~ *menentang Presiden Filipina makin lama makin lantang kedengaran*; *membuka* ~ memberi pendapat; 5. bunyi yg dikeluarkan oleh manusia dlm sesuatu bahasa, bunyi bahasa; 6. sesuatu yg menjadi jurucakap atau lidah rasmi (utk melahirkan perasaan, pendapat, dll): *akhbar itu mewakili* ~ *kerajaan*; 7. pernyataan bersetuju atau tidak (dlm mesyuarat, perundingan, pemilihan, dll): *cadangannya itu telah mendapat sokongan sebulat* ~;

~ *bulat* persetujuan drpd semua pihak; ~ *hati* perasaan hati (utk membezakan antara baik dgn buruk); ~ *latar* ulasan atau penerangan dlm sesebuah filem dsb oleh penutur yg tidak dapat dilihat; ~ *pemutus* kuasa utk membuat sesuatu keputusan (dlm pembicaraan dll); ~ *ramai* pendapat orang ramai; ~ *sumbang* pendapat yg bertentangan dgn pendapat umum; *kalah* ~ kalah

undi; *memberikan* ~ menyatakan setuju atau tidak, turut membuang undi; *mendapat* ~ dipilih dlm pengundian;

bersuara mengeluarkan suara, bercakap, berkata, berucap: *tiada seorang pun yg ~ mengatakan saya tidak mahu pergi bekerja;*

menyuarakan **1.** mengatakan, mengucapkan: *ahli-ahli politik hendaknya janganlah ~ soal-soal perkauman dlm perjumpaan-perjumpaan umum;* **2.** menyanyikan (lagu);

penyuaraan perihal mengeluarkan suara.

suarang Mn harta yg diperoleh oleh suami isteri selama dlm perkahwinan, milik bersama (syarikat dll);

~ diagih, sekutu dibelah prb jika dua orang suami isteri bersetuju bercerai harta pencarian bersama dibagi dua dan harta pembawaan dipulangkan kpd kaum masing-masing;

bersuarang NS bermesyuarat antara pihak lelaki dan pihak perempuan utk bercerai dan membahagi harta pencarian bersama;

menyuarangkan bersama-sama mencari harta, menjadikan milik bersama.

suargaloka sl syurga utk dewa-dewa.

suari I kasuari.

suari II; *bantal* ~ bantal seraga.

suasa sj pancalogam (campuran emas dan tembaga).

suasana **1.** sl hawa, udara; **2.** keadaan yg melingkungi atau meliputi sesuatu: *kesulitan yg menyelubungi ~ hidup mereka akan dapat diatasi; ~ tenang telah berubah;*

menyuasanai memberi suasana kpd, menyelaputi, menyelubungi.

suatu **1.** hanya satu, satu: *tidak ~ pun; tiap-tiap ~; ~ hari;* **2.** sl tiap-tiap satu: *pd ~ bagai empat puluh helai, pd sehelai empat puluh perkara bunganya;* **3.** sl pertama-tama, yg pertama: *~ kerajaan*

dlm dunia, kedua kerajaan kpd keinderaan, ketiga tempat kerajaan dlm bumi;

sesuatu perkara (hal, barang, dll) yg kurang atau belum tentu: *kepalanya tunduk ke bumi spt orang mencari ~ yg hilang; segala ~ segala apa, apa-apa;*

bersuatu bergabung menjadi satu, bersatu: *kita berdua ini ~ perasaan, ~ peringatan, ~ tujuan;*

mempersuatukan menjadikan bersuatu, mempersatukan; □→ □**satu**.

sub- *awalan asing* di bawah (bawahan, bahagian yg kecil, separuh), mis *subinspektor* dan *subtropika*.

subahat 1. syak, ragu-ragu, keragu-raguan; ~ *hati syak hati*; **2.** orang yg bekerjasama dgn musuh dll, kolaborator;

bersubahat 1. menaruh syak wasangka (buruk sangka), ragu-ragu, sangsi; **2.** bekerjasama dgn musuh dll: *pejuang-pejuang kebangsaan Korea bersama-sama dgn komunis-komunis Jepun telah ~ hendak mendirikan satu kerajaan pemberontakan;*

persubahatan perbuatan bersubahat.

subak ark Id (majlis) kawasan pengairan (di Bali).

subakua (sub.akua) berkaitan dgn sukan di bawah permukaan air: *kelab~*.

subal I ark kurang baik (buatannya dll), kasar.

subal II Jw ark sesuatu yg dicampurkan (supaya kelihatan banyak, menjadi lebih berat dll).

subam ark tidak berkilat (logam dll), kusam, suram.

suban serpih kayu, selumbar.

subang I sj perhiasan cuping telinga perempuan yg berbentuk bulat dll; *telinga rabbit dipasangkan ~, kaki untut dipakaikan gelang, jari kudung dimasukkan cincin prb canggung sekali;*

bersubang memakai subang (di telinga);

bak gadis baru (jolong) ~ prb orang hina papa atau miskin yg menjadi sombong kerana memperoleh kemuliaan atau kekayaan;
sungguh ~ tidak berdarah prb wanita yg sungguhpun berpakaian elok tetapi buruk juga kelakuannya;

menyubang memotong nipis-nipis dan bulat; ~ *tebu* mengerat-ngerat tebu.

subang II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek yg menjalar), *Sphenodesma pentandra*.

subantartik berkaitan dgn kawasan berhampiran dgn Garisan Antartik, yg terletak di sebelah utaranya.

subartik berkaitan dgn kawasan berhampiran dgn Garisan Artik, yg terletak di sebelah selatannya.

subbahagian bahagian kecil drpd sesuatu bahagian utama (induk) yg telah dibahagikan.

subbidang bidang kecil drpd bidang induk: *geomorfologi adalah ~ kpd bidang geografi; rancangan membentuk kira-kira 300 000 istilah dlm pelbagai bidang dan ~ ilmu pengetahuan*.

subbudaya amalan, cara hidup, sikap dsb sekumpulan orang yg berbeza drpd masyarakat seluruhnya: *pelajar Melayu yg baru tinggal dlm masyarakat Indonesia sudah tentu mengalami masalah ~*.

subeditor (subéditor) penolong editor.

subentri (subéntri) kata masukan atau entri kamus yg merupakan turunan drpd entri utama (pokok), mis *memasak* yg terbit drpd entri utama *masak*.

subfamili 1. kategori di antara famili dan genus; **2.** (Lin) pembahagian bahasa-bahasa yg diletakkan lebih rendah drpd famili tetapi lebih tinggi drpd cabang.

subgenus (subgénus) bahagian yg lebih kecil drpd genus.

subgolongan golongan yg lebih kecil (sbg pecahan drpd golongan induk).

subhana Ar yg maha suci.

Subhanahuwataala Ar maha suci dan maha tinggi; *Allah* ~ Allah Yang Maha Suci dan Maha Tinggi.

Subhanallah Ar **1.** Maha Suci Allah; **2.** ungkapan menandakan rasa takjub atas kebesaran dan keagungan Allah.

subinspektor (subinspéktor) (pangkat) pegawai polis setingkat di bawah inspektor dlm kumpulan pegawai rendah polis.

subjek (subjék) **1.** pokok perbincangan, perkara, tajuk; **2.** (Lin) pokok kalimat, perkara (dlm ayat dll); **3.** mata pelajaran.

subjektif (subjéktif) terbit drpd atau berasaskan pandangan (perasaan dsb) orang atau pihak yg melihat atau menilai (tidak pd ciri-ciri sebenar sesuatu yg dilihat atau dinilai), melihat (menilai dll) drpd pandangan (perasaan sendiri), lwn objektif: *buku-buku sejarah yg ada masih penuh dgn unsur-unsur ~ yg kurang penting;*

kesubjektifan keadaan yg subjektif: *kita mengalami pelbagai dilema dan ~ yg ada kalanya tidak mampu mencapai nilai-nilai estetik.*

subjektiviti (subjéktiviti) (sifat, sikap, dsb) yg subjektif.

subjektivisme (subjéktivitisme) faham atau kecenderungan yg menekankan bahawa pengetahuan, moral, persepsi dsb adalah subjektif dan relatif.

sub judice (Udg) sedang dipertimbangkan oleh mahkamah dan oleh itu tidak boleh diperkatakan di khalayak ramai.

subjudul judul kecil atau judul tambahan kpd sesuatu judul, kata-kata atau frasa yg menjelaskan atau menjadi pelengkap kepada sesuatu judul.

subkelas bahagian (pecahan) kecil drpd kelas.

subkontrak kontrak yg dipertanggungjawabkan kpd sesuatu kontraktor oleh sesuatu kontraktor lain (asal) utk menjalankan sesuatu proyek (tugas);

mensubkontrakkan menjalankan kerja secara subkontrak:
sesuatu kontrak itu mungkin disubkontrakkan kpd pengusaha lain.

subkontraktor orang (syarikat) yg bertanggungjawab menjalankan subkontrak.

subkultur (Bio) kultur mikroorganisma yg diperoleh drpd kultur lain yg sedia wujud.

subkumpulan bahagian drpd sesuatu kumpulan.

sublema (subléma) subentri.

sublimat IB sj benda beracun (utk membunuh kuman dll).

submesingan (submésin.gan) sj mesingan mudah alih dan ringan.

subnormal tidak mencapai tahap normal, terutamanya kecerdasan atau perkembangan: *pendidikan kanak-kanak ~.*

suborder (Bio) kumpulan taksonomi yg merupakan subbahagian drpd satu order.

subordinat pekerja (pegawai) yg bekerja di bawah orang lain atau pekerja bawahan seseorang: *ketua mestilah bersikap terbuka dgn ~nya utk memudahkan penyelesaian sesuatu masalah kerja.*

subplot plot sampingan bagi sesuatu cerita dlm sesebuah drama, novel, filem dsb yg berasingan tetapi berkaitan dgn plot cerita utamanya.

subrutin (Komp) bahagian atur cara yg disimpan hanya sekali dan boleh digunakan oleh atur cara, apabila perlu.

subseksyen (subséksyen) bahagian kecil drpd seksyen (dlm undang-undang dll).

subsektor (subséktor) bidang (kegiatan dll) kecil drpd bidang (kegiatan dll) induk, spt ekonomi: *~ tanaman dagangan menguasai sektor pertanian keseluruhannya.*

subsidi bantuan berupa wang atau kebendaan (biasanya drpd kerajaan) yg diberi kpd sesuatu pihak tertentu (spt perbadanan, kumpulan petani, dll): *BP ialah sebuah perbadanan yg mendapat ~ drpd pemerintah pd masa itu;*

bersubsidi mendapat atau diberi subsidi: *bas disediakan dgn tambang yg ~;*

mensubsidi memberikan subsidi supaya sesuatu lebih rendah harganya: *sebenarnya kerajaan juga telah ~ harga minyak di negara ini;*

pensubsidi pihak (orang, badan dsb) yg memberikan subsidi, pemberi subsidi.

subsidiari 1. (peringkat) yg lebih rendah, kelulusan pd atau lulus sebahagian drpd sesuatu mata pelajaran (dlm peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan): *mendapat kelulusan peringkat ~ dlm mata pelajaran Ekonomi;* **2.** = syarikat ~ anak syarikat.

subsistem sistem kecil yg membentuk sebahagian drpd sistem yg lebih besar (utama): *dlm seluruh organisasi yg separuh bersistem itu, terdapat banyak ~.*

subskrip aksara (angka, huruf, pecahan, atau simbol) yg dicetak di suatu sisi aksara lain, dgn kedudukan yg ke bawah sedikit (mis dlm x_3 , 3 ialah subskrip).

subsonik berupaya bergerak dgn kelajuan yg lebih rendah drpd kelajuan bunyi: *jet ~*

subspesies (subspésiés) kumpulan taksonomi tumbuhan atau haiwan yg merupakan subbahagian di bawah sesuatu spesies.

substandard 1. lebih rendah drpd standard yg ditetapkan atau yg dikehendaki; **2.** berkaitan dgn dialek atau ciri penggunaan bahasa yg berbeza drpd bahasa standard (sehinggakan penggunaannya

dipandang rendah oleh masyarakat): *penggunaan dialek dianggap sbg ~ oleh sesetengah ahli bahasa.*

substantif 1. (Udg) bkn peruntukan hak dr segi undang-undang (berbeza drpd prosedur undang-undang): *undang-undang ~ memberikan hak, kewajiban, kebebasan, dan kuasa kpd orang ramai; 2.* (Cetak) bkn kerja mengedit aspek isi sesebuah manuskrip.

substantiva IB kata benda, nama.

subtesen (substésén) pencawang.

substruktur (Kej) struktur yg mendasari atau menyokong struktur, binaan dsb.

subtajuk tajuk bagi sesuatu pecahan bab atau bibliografi, tajuk kecil.

subtanah (Bio) lapisan tanah yg kurang subur yg terletak di antara bunga tanah dgn batuan induk.

subtropika kawasan yg terletak di antara kawasan tropika dgn kawasan beriklim sederhana.

subuh 1. = *waktu* ~ waktu terbit fajar hingga terbit matahari; *bada* ~ waktu sesudah waktu subuh (pukul tujuh hingga pukul tujuh setengah pagi); **2.** = *sembahyang* ~ sembahyang fardu pd waktu subuh;
~ *buta* = ~ *sepei* = ~ *syafii* pagi-pagi benar; ~ *gajah* waktu sesudah subuh.

subuk Br **1.** intai; **2.** tilik;

menyubuk 1. mengintai; **2.** menilik.

subur 1. tumbuh dgn baik (tumbuh-tumbuhan), lekas besar dan sihat: *anak getahnya ~ macam anak getah estet; 2.* sihat dan berisi (badan): *anak itu kurang ~ kerana tidak mendapat susu yg cukup; 3.* banyak mengandungi zat utk tumbuhan-tumbuhan (tanah), gemuk: *pertanian menghendaki bukan sahaja tanah yg ~ tetapi juga iklim yg sesuai; 4.* berkembang dgn baik, bertambah maju

dan besar (luas dsb), berkembang biak: *agama Islam pun berkembanglah dgn ~nya di negeri-negeri tersebut*; **5.** bp mudah mendapat rezeki, murah rezeki, senang hidup; **6.** berupaya menjalani persenyawaan (antara benih lelaki dgn benih perempuan): *puan boleh tentukan waktu ~ dgn menggunakan carta khas*;

menyubur tumbuh dgn subur;

menyuburkan **1.** menjadikan subur (tanah, tumbuh-tumbuhan, dll): *di bahagian barat Tanah Melayu, tanah lateritnya disuburkan semula utk penanaman getah; pupuk itu ~ tanaman*; **2.** memajukan (perniagaan dll), membesarkan, memperkembangkan: *guru berpeluang menolong ~ sifat pemimpin pd setengah-setengah murid*;

mempersubur menjadikan lebih subur;

kesuburan **1.** perihal subur: *kerana hawanya dan ~ tanahnya, kawasan ini amat sesuai utk pokok kopi*; **2.** keupayaan membiak (manusia, haiwan, tumbuhan): *suami juga perlu menjalani pemeriksaan ~*;

ketidaksuburan keadaan tidak subur;

penyuburan perihal (perbuatan dsb) menyuburkan, pemupukan: *~ akal*;

penyubur sesuatu yg menyuburkan: *mereka mendekatkan diri pd kebenaran sbg ~ iman utk menjamin kebahagiaan dan ketenangan yg hakiki*.

subversi kegiatan (gerakan, usaha, tindakan dsb) yg bertujuan utk melemahkan, meruntuhkan atau menggulingkan sistem pemerintahan, politik dsb yg sedia ada.

subversif bertujuan utk melemahkan atau memusnahkan sesuatu sistem politik, kerajaan, agama, dll, dgn menjalankan aktiviti-aktiviti

tertentu secara sulit: *kita hendaklah sentiasa berjaga-jaga mencegah gerakan ~.*

subversifisme fahaman subversif: *memperjuangkan Islam sbg fundamentalisme juga dikelirukan dan ditonjolkan bersama ciri-ciri militerisme dan ~.*

subyek (subyék) Id subjek.

subyektif (subyéktif) Id subjektif.

suci **1.** bersih (dr segi agama): *makanan yg ~;* **2.** tidak berdosa, tidak bernoda, kudus, nirmala, soleh: *orang yg ~;* **3.** bersifat keagamaan (ketuhanan): *ayat ~; Kitab S~; Tanah S~ Mekah;* **4.** bersih drpd sebarang kejahatan atau keburukan (niat, perasaan, dll), murni: *Tuhan hendak menyampaikan hajat hamba-Nya yg berniat ~ itu; hati yg ~;* **5.** bersih atau bebas (drpd kotoran dll): *wajib baginya menggantikan kembali puasa yg tertinggal itu apabila ~ drpd haid;* **6.** sl tidak kotor (semak), bersih;

bersuci **1.** membersihkan diri sebelum mengerjakan sembahyang, wuduk; **2.** membersihkan diri (drpd kekotoran): *~ drpd najis;* **3.** hidup suci; **4.** bp berkhatan, bersunat;

menyucikan **1.** membersihkan diri (dr segi agama); **2.** sl membersihkan diri drpd kekotoran (semak samun dll): *maka Bendahara dan Laksamana pun menyuruh orang pergi ~ tanah itu;* **3.** membersihkan drpd segala yg keji (hati, fikiran, perasaan), memurnikan, menguduskan: *hari ini orang meluhurkan jiwa, ~ hati selepas melalui percubaan Tuhan;* **4.** menganggap suci (mulia): *ada orang yg ~ anjing;*

kesucian perihal suci;

persucian perihal bersuci;

penyucian perihal menyucikan, pembersihan;

penyuci sesuatu yg digunakan ketika bersuci atau utk menyucikan sesuatu.

suda ranjau drpd buluh atau bilah buluh yg diruncingkan (dipasang berkeliling kubu dll).

sudagar bp saudagar.

sudah **1.** telah siap sedia, lengkap, selesai: *surat itu pun ~lah*; **2.** habis, berakhir; **3.** = **sudah-sudah** telah lalu (lampau): *bulan ~ keting lembu Dogol ditakik orang*; **4.** telah berlaku (terjadi), telah: *dan lagi sekarang segala sampan pukut itu pun ~ keluar, tiada tinggal lagi dlm sungai*; **5.** = **sudahlah** cukuplah (dgn yg demikian itu), padahal: *~lah, jangan bertengkar-tengkar lagi!* **6.** memang begitu (keadaannya, halnya, dll), sememangnya: *bagaimana boleh kapalnya lalu, kalau ~ dilingkungi karang*; **7.** = **sudahnya, sudah-sudahnya** akhirnya, kemudiannya: *yg hidup itu sedia akan mati juga ~nya*;

sesudah, sesudahnya setelah sudah, sehabis, selepas, setelah: *~ minum mereka pun berpisah*;

sesudah-sudah, sesudah-sudahnya sehabis-habisnya (melakukan sesuatu), sekehendak hatinya, semahu-mahunya;

bersudah ada sudahnya (akhirnya, penghabisan);

bersudah-sudah telah putus atau habis (persahabatan, perhubungan, keluarga, perkahwinan, dll);

menyudahi **1.** mengakhiri (percakapan, pekerjaan, dll), menghabiskan: *ia ~ nasihatnya dgn umpatan*; **2.** menunaikan (permintaan, keinginan, dll), memenuhi; **3.** ki menamatkan riwayat, membunuh; *ikhtiar menjalani, untung ~ prb utk mencapai sesuatu maksud mestilah berusaha tetapi berhasil atau tidaknya terserahlah kpd nasib*;

menyudahkan, mempersudahkan **1.** mengerjakan hingga habis (pekerjaan, tugas, dll), menyempurnakan, menyiapkan: *mereka akan berlumba-lumba utk ~ sesuatu kerja*; **2.** menjadikan berakhir, menamatkan: *patik hendak pergi ke Inderapura, supaya patik persudahkan pekerjaan Megat Panji Alam itu*; **3.** mencari penyelesaian (masalah dll), menyelesaikan: *salin dan sudahkan kira-kira di bawah ini*;

kesudahan **1.** penghabisan, akhir, akibat: *maka diceritakannya dr mula perbuatannya membunuh itu hingga sampai ~nya*; **2.** keputusan (drpd sesuatu), kesempurnaan, keselesaan; **3.** akhirnya, kemudiannya: *~nya rumah di kawasan itu habis musnah*;

berkesudahan berakhir (dgn), berkeputusan, berakibat: *Ramlah sakit keras, kerana sedih, rindu, dan sesal tidak ~*;

kesudah-sudahan akhir-akhirnya, kemudiannya: *maka ~ iaitu kelak memberi mudarat kpd nyawa*;

penyudahan perihal memudahkan, penyelesaian, penyempurnaan;

penyudah yg akhir sekali, penutup (percakapan dll): *barangkali keluhan itu sampai juga ke telinganya sebab pd ~ cakupnya ia kelihatan marah-marah*.

sudang bp seludang.

sudara bp saudara.

sudera sl golongan atau kasta yg terendah (dlm masyarakat Hindu).

sudi I **1.** tidak keberatan (utk melakukan sesuatu), bersedia, rela: *jikalau cendawan ~ tumbuh masakan bumi tidak terima*; **2.** suka (akan), berkenan, mahu: *kalau tiap-tiap kali pelawaan orang ditolak, boleh jadi dikatanya tidak ~*;

bersudikan berkenan akan, suka akan;

menyudikan, mempersudikan **1.** menjadikan sudi (mahu, suka), memahukan; **2.** meminta supaya sudi (melakukan sesuatu), mengajak supaya mahu, mempersilakan: *tamu-tamu dipersudikan masuk; sudikanlah masuk ke rumah saya*; **3.** menarik (memancing) supaya mahu dll (melakukan sesuatu);

kesudian perihal sudi, kemahuan, kerelaan.

sudi II; ~ *siasat* Mn bertanya-tanya utk menyelidiki (menyiasat dll);

menyudi memeriksai, menyelidiki, menyiasat.

sudi III Kl; **menyudi** mencuba, menguji.

sudip I alat spt sudu (drpd kayu dll) utk mencedok; ~ *sepatu* sj alat utk memudahkan kaki masuk ke dlm kasut;

menyudip mencedok dgn sudip.

sudip II; ~ *bekang* sj lembing yg matanya lebar.

sudip III sj ikan laut, *Chirocentrus dorab*.

sudu I **1.** paruh yg lebar (paruh itik dll); **2.** alat (drpd tempurung, tembikar, logam, dll) utk mencedok gulai dll, camca, senduk, alat pencedok (drpd daun pisang dll); **3.** = ~ *hati* tulang hulu hati (tulang dada yg di bawah sekali);

menyudu **1.** mematuk dgn sudu (itik dll): *bunyi hirupannya macam bunyi itik* ~; **2.** mencedok dgn sudu;

tersudu sudah disudu, dapat disudu; *sudah tidak ~ oleh angsa, baharu diberikan kpd itik* prb barang yg tiada berguna kpd orang kaya (mulia) itu barulah diperoleh orang miskin (hina).

sudu II = **sudu-sudu** **1.** sj tumbuhan (pokok renek), *Euphorbia antiquorum*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), *Euphorbia nerifolia*; ~ *itik* Kd sj tumbuhan (pokok jenis lembut) yg tumbuh dlm belukar dan boleh dibuat ulam; ~ *di tepi jalan, dipanjat kena durinya, disinggung kena rabasnya, ditakik kena getahnya* prb orang cerdik atau pendekar yg tidak dapat ditewaskan.

suduayah sj tumbuhan (pokok renek yg bunganya boleh dibuat ubat),
Nerium oleander.

suduk Jw ark tikam.

sudung **1.** atap (pisang sesikat), kapa-kapa, sengkuap; **2.** = **sudung-sudung** pondok kecil (di ladang dll), dangau, gubuk; **3.** ki rumah (utk merendahkan diri).

sudur rimbunan daun yg paling atas pd pokok-pokok yg hampir sama tinggi, kanopi.

sudut **1.** penjuru (bilik, halaman, kain, padang, dll), ceruk, pojok (rumah dll): *sesudah sembahyang maghrib, sesetengah orang berangkat pulang atau pindah duduk ke ~ akan bercakap-cakap sampai tiba waktu isyak*; **2.** bidang atau luas antara dua garisan atau permukaan yg bertemu: *satuan ukuran ~ ialah darjah; ~ 90°*; **3.** = **sudutan** tempat yg terletak jauh, ceruk rantau, pelosok: *kapal pengangkut tentera dr Rabaul telah mengelilingi ~ timur New Guinea utk melakukan pendaratan di Port Moresby*; **4.** pokok atau dasar pandangan (penelitian, penyelidikan, dll), arah pandangan, segi: *beliau telah mengkritik mahaguru itu dr ~ agama bukan dr ~ sastera*;

~ bersebelahan sudut yg berada di sebelah sudut yg lain; *~ bertentangan* pasangan sudut yg terbentuk oleh sepasang garis yg bersilang, yg terletak di sebelah bertentangan titik persilangan; *~ bucu* sudut bertentangan; *~ cakah* sudut yg besarnya lebih drpd 90⁰ tetapi kurang drpd 180⁰; *~ hati* = *~ jantung* ki jantung hati, hati sanubari; *~ lurus* sudut yg besarnya 180⁰, spt yg terbentuk pd garis lurus; *~ mata ekor* (hujung) mata; *~ pelengkap* sudut yg apabila ditambah dgn sudut sebelahnya menjadi sudut tegak atau 90⁰; *~ refleks* sudut yg besarnya lebih drpd 180⁰; *~ sama* sudut-sudut yg sama besarnya dlm sebuah rajah satah; *~ sepadan* sudut yg sama

besar dan sama kedudukannya pd dua segi tiga yg kongruen; ~ *tegak* sudut yg besarnya 90^0 ; ~ *tirus* sudut yg besarnya kurang drpd 90^0 ;

menyudut 1. merupakan sebuah sudut; **2.** pergi ke sudut, duduk di sudut.

sueh (suéh) bp malang, sial.

suf (pakaian drpd) bulu domba.

sufal ark sl takik pd busur: *maka ditambahkannya pd ~ panah itu tali kail seni.*

sufi Ar = *ahli* ~ ahli ilmu suluk (tasawuf); *ilmu* ~ ilmu suluk (tasawuf);

kesufian tingkat pencapaian menjadi ahli sufi: *rahsia* ~.

sufisme doktrin ahli ilmu suluk (tasawuf): *rubai juga digunakan dlm puisi Melayu utk menulis tema ~ dan falsafah Islam.*

sufistik bersifat spt orang tasawuf: *puisi-puisi ~ Abdul Hadi W.M.*

sufle (sufilé) hidangan yg dibuat drpd telur, susu dll, dipukul hingga menjadi buih dan dibubuh keju, dll lalu dibakar.

sugar I; menyugar menyikat rambut dgn jari, menggeragas.

sugar II (Parsi) gula.

sugesti (sugésti) **IB 1.** pendapat yg dikemukakan (utk dipertimbangkan), anjuran, cadangan, saran; **2.** sesuatu (pengaruh dll) yg dapat menggerakkan hati orang dll, dorongan, galakan; **3.** bayangan, gambaran: *barang-barang ini hanya memberi ~ kpd kita tentang kenyataan yg sebenarnya.*

sugestif (sugéstif) menyarankan tanggapan, idea, fikiran, dsb tentang sesuatu: *caranya mengarang ~, dipaksanya pembaca berfikir sendiri; mungkin juga dgn kedudukan set yg tidak ~, beberapa simbol menjadi keliru.*

sugi I 1. = **pesugi** bilah kayu dll utk mencungkil gigi, kayu yg (dititik hujungnya) digunakan sbg berus gigi; **2.** = ~ *landak* Mn duri

landak; **3.** Mn tembakau yg dikemam di dlm mulut, songel: *ibunya meneruskan percakapannya sambil memindah-mindahkan ~nya ke kiri ke kanan;*

bersugi 1. membersihkan (menggosok) gigi dgn sugi: *Karim membasuh muka, ~, dan kemudian menghadapi sarapannya;* **2.** mengemam tembakau sambil makan sirih;

menyugi 1. menggosok gigi dgn sugi; **2.** mencungkil gigi (sumbu lampu yg pendek dll): *ibu tua itu meletakkan anyamannya dan ~ sumbu pelita yg sudah kian malap nyalanya;* **3.** mengemam atau mengulum sugi (ketika makan sirih).

sugi II 1. sj tumbuhan (pokok renek), *Mischocarpus sumatranus;* **2.** sj tumbuhan (pokok renek), *Mischocarpus sunndaicus.*

sugih Jw kaya, berada.

suguh Jw; **menyuguhi 1.** memberi makanan kpd (tetamu), menjamu, memperjamu: *ia disilakan singgah ke dlm toko dan disuguhi minuman yg mahal dan lazat;* **2.** ki mengemukakan (sesuatu) kpd, menonjolkan (sesuatu) kpd;

menyuguhkan 1. menyediakan (menghidangkan, menyajikan) makanan: *sementara pembicaraan itu berlangsung, seorang perajurit Jepun berenggot ~ air teh;* **2.** ki menyediakan, memaparkan (karangan dlm akhbar dll), mengemukakan atau menonjolkan (sesuatu), memperdengarkan (lagu dll): *sesudah beberapa orang kawan ~ lagunya masing-masing, tibalah giliranku pula; hari-hari yg dilaluinya selepas itu lebih banyak ~ kengerian tentang pembunuhan kejam itu;*

suguhan sesuatu yg disuguhkan, hidangan, sajian;

penyuguhan perihal (perbuatan) menyuguhi atau menyuguhkan.

sugul masyghul, (berasa) dukacita, susah hati;

kesugulan kemasyghulan, perasaan dukacita, kesusahan hati.

sugun I; ~ *hantu* kusut benar (rambut), tidak rapi;

menyugun, menyugunkan menarik rambut (dan mengelakan kepalanya); *disugun hantu* kusut benar (rambut).

sugun II Tr tersungkum.

suh panas badan; □ → **suhu**.

Suhakam akronim bagi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (badan bebas yg memperjuangkan hak asasi manusia).

suhad sl tidak dapat tidur.

suhian C rumah tempat bersenang-senang (rumah pelacuran dll).

suhu panas sejuknya sesuatu benda (badan, hawa, dll); ~ *bilik* suhu normal dlm sesebuah bilik, biasanya pd sekitar 20⁰C.

suhuf Ar (jamak bagi sahifah) **1.** kitab suci (yg diturunkan oleh Tuhan kpd beberapa orang rasul); **2.** lembaran yg bertulis, halaman (buku); □ → **sahifah**.

suhun; *sekar* ~ sj kalung emas.

sui generis (sui généris) (Latin) tersendiri, unggul: *Durkheim menegaskan bahawa fakta sosial adalah ~*;

suing bp memukul (dgn menghayunkan tangan), menumbuk.

suir I langsuir.

suir II bp sial, celaka, sueh.

suis alat penghubung atau pemutus litar elektrik, alat (yg dipetik) utk menyalakan atau memadamkan lampu elektrik; ~ *lampu* pemetik lampu;

pensuisan proses atau kaedah memasang suis sesuatu: *litar* ~.

suit bunyi spt bunyi wisel (orang bersiul dll);

bersuit mengadakan bunyi spt wisel, bersiul;

suitan siulan.

sujana sl orang yg baik budi (bijaksana, mulia, pandai).

sujen (sujén) Jw (lidi dll) pencucuk sate.

suji I = **sujian** sj jahitan (utk membuat bunga pd kain), sulam, tekat;

bersuji yg disuji, bersulam, bertekat;

menyuji menyulam, menekat: *dlm keagungan kerajaan Melayu Melaka pd abad ke-15 Masihi, teknik menyulam atau ~ benang emas telah dihasilkan oleh tukang tempatan utk hiasan peterana dan pakaian raja.*

suji II sj tepung yg kasar.

suji III 1. sj ikan laut, *Tetrapferus brevirostris*; **2.** sj ikan laut, *Makaira indica*.

sujud Ar 1. berlutut sambil meletakkan dahi ke lantai dlm sembahyang dll: *perbuatan rukuk dan ~ itu merupakan penghormatan drpd seorang hamba kpd Allah*; **2.** = sembah ~ memberi hormat dgn bertelut sambil menundukkan kepala ke tanah (kpd raja, orang yg ditakuti, dll): *ia ~ pd kaki baginda dgn takutnya*; **3.** ki menghormati akan, patuh kpd: *habis, dia tak ~ pd agama Islam sebelum mati?*; ~ *sahwi* sujud sebanyak dua kali yg sunat dilakukan selepas tahiyat akhir sebelum salam kerana terlupa melakukan perbuatan spt membaca doa qunut, tahiyat awal dan ragu tentang bilangan rakaat;

bersujud melakukan sujud: *ingin ia cepat-cepat ~ menyembah di hadapannya*;

tersujud duduk membongkok spt bersujud.

suka 1. perasaan girang dlm hati: *maka sangatlah sukacitanya ia serta ditunjukkannya ~nya itu*; **2.** girang hati, senang hati: *semua orang ~ melihat mereka berbahagia*; **3.** mahu (mengerjakan sesuatu), rela, sudi: *aku boleh menutup kedaiku kalau aku ~*; **4.** gemar akan: *orang di sini tidak ~ memakan daging*; **5.** setuju (dgn), cocok, sesuai: *ayahku tidak ~ duduk di sini*; **6.** kehendak (kemahuan) hati: *mahu tak mahu dimasukkan sahaja beras seberapa ~ dan ditaruh*

air; **7.** menaruh kasih (kpd), cinta (akan), sayang (akan): *dia tidak ~ pd budak-budak*; **8.** berkenan akan, mahu akan: *aku tak ~ engkau mengganggu mereka*; **9.** mudah sekali, kerap kali, selalu, sering kali: *kereta ini ~ rosak*;

~ hati a) girang (senang) hati, sukacita; b) kehendak (kemahuan) hati; *~ ramai* (yg) digemari ramai, popular: *lagu-lagu (majalah-majalah) ~ ramai*; *~ duka* kegembiraan dan kesedihan;

sesuka = *~ hati* = **sesuka-suka** (dgn) sekehendak hati, (dgn) semahu-mahunya: *pihak yg berkuasa kadang-kadang bertindak ~ mereka*;

suka-suka seronok-seronok: *penceburan mereka dlm sesuatu projek bukan sekadar ingin mencuba atau ~*;

bersuka = *~ hati* = *~ ria* bersenang-senang, bergembira;

bersuka-suka bersenang-senang, bergembira, berfoya-foya: *tua muda, gadis, dan teruna, sekaliannya ~*;

bersuka-sukaan **1.** bersuka-suka: *setelah duduk lalu turun pula memetik bunga mengarang kuntum ~*; **2.** bh bercinta-cintaan, berseronok-seronok (berkendak dll): *dia pun memimpin tangan isterinya masuk ke dlm pelaminan ~*;

menyukai **1.** menaruh minat (terhadap), suka akan, meminati: *indah itu adalah seni dan kerana itu orang ~nya*; **2.** gemar akan (makanan), menggemari: *Minah tidak ~ kuih yg berbau minyak sapi atau mentega*; **3.** menaruh kasih pd, mencintai, menyayangi: *ia disukai gadis-gadis kerana badannya tegap dan sihat serta lawa*; **4.** menaruh simpati kpd, suka kpd: *parti yg memerintah tidaklah boleh membuang kakitangan kerajaan yg tidak disukai mereka*;

menyukakan **1.** menjadikan suka, menggembirakan, menggirangkan: *berita itu sudah tentu akan ~ kedua-dua orang*

tuaku; 2. bp menyukai: ibu tidak memaksa kau beristeri dgn orang yg tidak kausukakan;

sukaan bp **1.** segala apa yg disukai, sesuatu yg menyukakan; **2.** orang yg dikasihi, kekasih, kendak;

kesukaan 1. perihal suka, kegembiraan, kegirangan, kesenangan: *tujuan membaca ialah mencari ~ dan pengetahuan drpd apa yg dibaca;* **2.** sesuatu yg diminati (digemari), kegemaran: *menggambar itu adalah ~nya;* **3.** sebagaimana yg disukai, kemahuan: *cara memakai sari itu terpulanglah kpd ~ masing-masing;* **4.** sesuatu yg disukai (disayangi, dicintai, dikehendaki).

sukacita senang hati, suka hati, kegembiraan, kegirangan: *kanak-kanak yg pandai akan berasa ~; mereka dgn ~ mengambil peluang ini;*

bersukacita bergirang (bersenang) hati, beriang hati, bergembira: *sampaikan aku ke karang cinta, di sanalah tempat ~;*

menyukacitakan menyebabkan jadi sukacita, menjadikan sukacita, menggirangkan, menggembirakan: *Rasulullah sentiasa mencari jalan yg ~nya.*

sukai sj tumbuhan (pokok), medang air (hitam, keladi, lebar daun, sangkak), *Nothaphoebe panduriformis.*

sukamandi Jk sj kain belacu (berwarna hitam dll).

sukan I segala kegiatan yg memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga (spt berenang, permainan bola sepak, tenis, lumba lari, dll) yg dilakukan sbg acara hiburan (acara pertandingan, kegiatan utk menyihatkan badan, dll);

~ lapangan aktiviti sukan yg dilakukan di lapangan, mis memancing, menembak dan memburu; *~ laut* acara-acara sukan yg berlangsung (dipertandingkan) di laut (spt perlumbaan perahu dll); *S~ Olimpik* sukan sedunia yg diadakan empat tahun sekali; *ahli ~* orang yg giat bermain dlm sukan;

bersukan melakukan atau menyertai aktiviti sukan: *Andy sering mengajaknya ~ di kawasan itu;*

kesukanan perihal sukan: *semangat ~.*

sukan II sj tumbuhan (herba), *Coleus amboinicus*.

sukaneka (sukanéka) sukan yg pelbagai jenis.

sukar 1. tidak mudah (senang), payah, sulit, susah: *perkara yg ~; sangat ~ membuat pekerjaan ini;* **2.** sl serba kekurangan, daif, miskin: *mereka hidup dlm ~;* **3.** tidak mudah sembuh (penyakit), berat, teruk: *penyakitnya terlalu ~;* **4.** tidak mudah mendapat, jarang ada: *wang ~ pd masa ini;*

mahal dibeli, ~ dicari prb sesuatu yg terlalu sukar diperoleh; orang ~ baharu kaya prb orang yg hina (miskin) menjadi sombong kerana memperoleh kemuliaan (kekayaan);

menyukarkan menjadikan sukar, menyulitkan, menyusahkan: *meningkatkan harga barang modal hasil industri negara yg telah maju, ~ pelaksanaan pembangunan di negara yg kurang maju;*

mempersukar menjadikan lebih sukar;

kesukaran 1. perihal sukar, kesulitan, kesusahan: *~nya makin bertambah;* **2.** menderita susah (kemiskinan): *mereka selalu dlm ~.*

sukarela (sukaréla) = *dgn (secara) ~ dgn kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah, dgn rela hati: mereka dgn ~ membantu petani-petani; pekerja ~ pekerja yg tidak digaji atau diupah;*

bersukarela dgn sukarela (melakukan sesuatu): *mereka telah ~ membuat karangan bunga utk diletakkan di tugu peringatan perang;*

kesukarelaan sikap sukarela: *sistem kredit itu dapat menambahkan semangat ~.*

sukarelawan (sukarélawan) orang lelaki yg melakukan sesuatu dgn sukarela: ~ yg *ingin memberikan khidmat mereka kpd golongan ini tidak diperlukan mempunyai kelayakan tertentu;*

kesukarelawananan segala hal (sifat, kegiatan dsb) yg berkaitan dgn sukarelawan: *semangat ~ sudah mendarah daging dlm dirinya; majlis pelancaran pertandingan menulis esei ~ peringkat kebangsaan.*

sukarelawati (sukarélawati) orang perempuan yg melakukan sesuatu dgn sukarela.

suka ria riang gembira, girang hati, suka hati;

bersuka ria bersuka-suka, bergembira, bergirang-girang: *orang ramai juga turut ~.*

sukat I **1.** takaran yg besarnya empat gantang; **2.** = **sukatan** ukuran (panjang, luas, dan isi padu); **3.** bp = **menyukat** mengukur (menakar dll); *tukang ~ bp orang yg mengukur tanah; yg se~ tak akan jadi segantang* prb untung nasib tidak dapat diubah-ubah;

bersukat 1. mengukur (menakar) dgn sukat; **2.** diukur (dikira) dgn satuan tertentu: *makanan itu ~ betul-betul; ~ dgn rah sl membunuh orang;*

~ darah, bertimbang daging prb berlawan bermati-matian; *telah penuh sbg ~* prb sudah habis kesabarannya;

menyukat 1. mengukur dgn sukat; **2.** mengukur (panjang, luas, isi): *selepas itu aku bekerja di hutan ~ tanah;*

sukatan 1. satuan yg digunakan utk menyukat, ukuran: *berapakah luasnya dlm ~ hektar?; sebutkan isinya dlm ~ liter;* **2.** sesuatu hasil drpd menyukat (setelah disukat), catuan: *di bawah ini diberikan lagi satu ~ makanan yg memberi tenaga sebanyak 2600 kilogram kalori;* **3.** sesuatu yg digunakan utk menyukat (menentukan, menilai, dll): *sudut itu diukur dgn ~ darjah; ~*

pelajaran butir-butir ringkas drpd mata pelajaran yg diberikan (di sekolah dll);

penyukatan perbuatan menyukat;

penyukat 1. alat yg digunakan utk menyukat (mengukur dll): ~ *suhu*; **2.** orang yg menyukat.

sukat II sl asalkan, jikalau, kalau: ~ *aku buraikan perutnya barulah puas hatiku.*

sukduf tempat duduk di atas belakang unta.

suki Mn cukup banyaknya (makanan), limpah mewah.

sukiyaki sj masakan Jepun drpd hirisan daging yg digoreng cepat-cepat dgn sayur-sayuran dan sos.

sukma sl jiwa, nyawa: *ia menahan gelora sedih pilu ~nya.*

sukrase (Bio) enzim yg menghidrolisis sukrosa menjadi glukosa dan fruktosa.

sukrosa (Kim) gula yg banyak terdapat dlm tebu.

sukses (suksés) IB **1.** hasil drpd sesuatu (kegiatan, usaha, dll), terhasilnya (sesuatu), kejayaan: *apabila bung menulis buku dan saya menerbitkannya, kita berdua akan mendapat ~ yg luar biasa*; **2.** mendapat kejayaan (kerana melakukan sesuatu), berhasil, berjaya, beruntung: *ayah ~ dlm membela perkara Si Ali yg dituduh menerima rasuah itu.*

suku 1. sl kaki; ~ *lembu* kaki lembu; **2.** tiga bulan; **3.** Kd, Pl seperempat ringgit (25 sen); **4.** Id setengah rupiah; **5.** = ~ *emas* sj wang emas yg digunakan juga sbg ukuran berat emas; **6.** sebahagian drpd, bahagian; ~ *kata* satuan bunyi yg diucapkan sekali dlm sesuatu kata, bahagian kata; **7.** satu drpd empat bahagian, seperempat (dlm matematik); **8.** = **suku-sakat**; **9.** Mn, NS golongan orang yg seketurunan (drpd sebelah ibu), kaum keluarga yg seketurunan (drpd sebelah ibu): *maka menyembahlah penghulu yg empat ~*

serta lembaga yg dua belas ~; 10. = ~ bangsa golongan bangsa yg menjadi bahagian kpd bangsa yg besar: mereka ialah orang asli drpd Kacir dan ~ Shan; ~ Jawa; 11. Kl, Ph, Tr terpisah, berasingan; duduk ~ duduk berasingan (di rumah dll); ~ abad dua puluh lima tahun; ~ batu seperempat batu yg bersamaan dgn 440 ela atau 402 meter; ~ jam lima belas minit; ~ kalimat bahagian drpd sesuatu kalimat; ~ tahun tiga bulan dlm setahun;

~ tak boleh dianjak, malu tak boleh diagih prb orang sesuku sehina semalu (hina seorang hina semuanya, malu seorang malu semuanya); dekat mencari ~, jauh mencari hindu prb mencari pertalian keluarga, menyusur-galur;

bersuku **1.** sl berkaki; **2.** mempunyai suku (bahagian-bahagiannya), berbahagian; **3.** berkeluarga (berwaris), berkaum, masuk dlm salah satu suku; *tidak ~ a) tidak termasuk dlm sesuatu suku; b) tidak tahu adat, biadab;*

bersuku-suku berkelompok (berkumpul dll) mengikut suku masing-masing, berkelompok-kelompok, berpuak-puak: *mereka hidup dgn ~ atau berpuak-puak;*

sukuan **1.** (Mat) bahagian yg besarnya suku drpd bulatan; **2.** menunjukkan atau mengandungi unsur-unsur (ciri-ciri dsb) yg berkaitan dgn sesuatu suku bangsa, yg ada kaitannya atau hubungannya dgn sesuatu suku bangsa: *bahasa ~; sastera ~;*

kesukuan perihal suku, bersifat suku: *kadangkala kita terbaca puji-pujian yg ditujukan khas kpd orang Bugis, sekali lagi menunjukkan sikap ~nya;*

persukuan perihal hidup bersuku-suku, berpuak-puak menurut suku, adat bersuku-suku: *akan ditegakkan rumah utk isteri di atas tanah kepunyaan ~ sendiri;*

sepersukuan sama asal keturunannya, sama sukunya, seketurunan: *yg seorang mengatakan Leman adalah ~, yg lain mengatakan bertali darah.*

sukubanyak ark polinomial.

sukudua ark binomial.

sukulen (Bio) mempunyai batang dan daun tebal yg mengandung banyak air: *tumbuh-tumbuhan ~.*

sukulometer (sukulométer) sj alat utk mengukur banyaknya jus dlm buah, daun atau batang tumbuhan.

sukun I Jw tidak bergigi, rompong.

sukun II sj tumbuhan (pokok), kulur, *Artocarpus incisus*.

suku-sakat golongan orang yg seketurunan;

bersuku-sakat mempunyai suku-sakat, mempunyai hubungan suku-sakat.

sukutiga ark trinomial.

sula 1. = **penyula**, **sulaan** sj pancang yg runcing lagi tajam hujungnya (utk mengopek kelapa, menghukum orang, dll); **2.** = *hukum ~ = hukuman ~ hukuman bunuh dgn menikam dr dubur hingga ke perut dgn sula: kedua-dua orang yg melakukan durjana itu kemudian dihukum ~; ~ laut sakit perut dgn cirit-birit;*

menyula 1. mengopek buah kelapa dgn sula: *~ kelapa;* **2.** = **menyulakan** menikam drpd dubur hingga ke perut dgn sula, membunuh dgn sula: *beberapa orang ketua mereka disula tetapi yg lain diampunkan.*

sulah 1. berdahi luas: *yg lelaki sederhana besar badannya, separuh umur, dan ~ kepalanya;* **2.** botak, gondol; *bangau ~ sj bangau yg botak kepalanya; gunung ~ gunung yg gondol; lada ~ lada putih.*

sulak Kl; **menyulak** menanam semula (utk menggantikan tanaman yg telah mati).

sulalah, sulalat Ar keturunan keluarga, asal usul, susur galur; *Sulalatus Salatin* asal usul raja-raja (tajuk buku).

sulam I jahitan pd kain (sbg bunga), suji, tekat: *sapu tangan yg cantik dan banyak ~nya; ~ padu* sj jahitan yg berselari dan rapat-rapat;

bersulam bersuji atau bertekat dgn: *bantal peluknya ~ dgn gambar rama-rama besar;*

bersulamkan bersulam dgn: *bantal baldu ~ benang emas;*

menyulam menjahit sulam, menekat, menyuji: *Aini sedang ~ kain alas meja ketika sahabatnya datang;*

sulam-menyulam pekerjaan menyulam;

sulaman hasil drpd menyulam, sujian, tekatan: *diangkatnya barang ~ isterinya;*

penyulaman perihal menyulam.

sulam II; menyulam 1. mengganti tanaman yg mati dgn yg baru, memilih: *benih yg baru ditabur terpaksa ditengok selalu, yg tidak tumbuh disulam lagi;* **2.** ki menyelangi atau mencela sesuatu (perbuatan, percakapan, dll) dgn yg lain, menyelitkan sesuatu dgn yg lain (biasanya utk mengindahkan, menyeronokkan, dll): *dia begitu pandai ~ ceritanya dgn hal yg lucu-lucu;*

menyulami ki menyelang dgn, menyelingi: *dlm sesuatu pelajaran hendaklah guru ~ percakapannya dgn memberikan kerja yg senang-senang; cerita-cerita ini memberi peluang utk disulami dgn tarian;*

sulaman ki sesuatu yg diselangi, selingan: *segala adunan dan ~ yg terkandung dlm cerita ini dapat memuaskan selera.*

sulang I; bersulang, bersulang-sulangan, sulang-menyulang 1. saling memberikan minuman (makanan dll): *minum sulang-menyulang;*

2. beradu paruh (burung dll), berlaga;

menyulang, menyulangi memberi minuman dll, mengajak minum;

menyulangkan memberikan minuman dll.

sulang II = ~ *asap* celaga (jelaga) asap.

sulang III Br **1.** sj bekas tembaga utk menyimpan air; **2.** sj bekas tembikar utk menyimpan minyak kemenyan.

sulap I = **sulapan** permainan silap mata, sunglap;

tukang ~ orang yg bermain sulap; *main* ~ = *bermain* ~ memberi pertunjukan silap mata;

bersulap main sulap;

menyulap 1. bermain sulap, bermain silap mata; **2.** ki, bp menggelapkan (wang dll), menyelewengkan: ~ *gaji pekerja*; **3.** ki, bp memalsukan (surat dll); **4.** ki, bp mengubah dgn cepat (keadaan yg buruk menjadi baik dll);

penyulapan perihal menyulap;

penyulap orang yg menyulap, pemain silap mata, tukang sulap;

sunglap.

sulap II Jk salah tenunan, silap menenun.

sulap III Br pondok (biasanya didirikan di sawah dll) yg digunakan utk sementara sahaja.

sulap IV Kl; **menyulap** mengganti atap yg tua dgn yg baru.

sulat; ~-*salit* tidak tersusun rapi (gigi), jerongkah.

sulfat (Kim) garam atau ester asid sulfurik.

sulfida (Kim) sebatian sulfur dgn unsur logam.

sulfit (Kim) garam atau ester asid sulfurus.

sulfur (Kim) sj unsur bukan logam, belerang; ~ *dioksida* (Kim) sj gas yg tidak berwarna (terdapat apabila sulfur terbakar dlm udara).

sulfurik; *asid* ~ (Kim) sj cecair tidak berwarna, sangat mengakis, larut dlm air, dan digunakan utk membuat bahan letupan, baja, dan penghasilan asid lain.

suli I (Sunda) sl cucu, anak cucu: *~ku nyawa nenenda*.

suli II □ → **gandasuli**.

sulih Jw ganti, pengganti, wakil;

menyulih, menyulih mengganti, mewakili.

suling I 1. sj serunai, bangsi, salung, seruling: *memetik kecapi dan meniup ~ pd waktu malam*; **2.** = ~ kapal (*kereta api*) peluit (wisel) utk memberi semboyan (pd kapal, kereta api);

meniup ~ berbunyi bangsi, maka bangsi itu patah-patah prb lain yg dihajati, lain yg diperoleh;

menyuling meniup suling: *Panji ~ Sri menari*.

suling II 1. = **sulingan** cairan yg diperoleh drpd wap (sesuatu yg direbus, dikukus, dll); *air* ~ = *air sulingan* air drpd wap air yg disejukkan; **2.** Br alat drpd tanah liat utk mendapatkan suling;

menyuling mengewapkan sesuatu (minyak dll) dan kemudian menyejukkannya hingga menjadi cairan, membuat wap jadi cairan: *di negeri Arab, air minum disuling drpd air laut*;

sulingan cairan yg diperoleh dgn cara menyuling, suling;

penyulingan perbuatan menyuling;

~ berperingkat (Kim) penyulingan utk mengasingkan campuran cecair yg mempunyai pelbagai takat didih yg berbeza (dgn menggunakan turus pemeringkatan); *~ stim* (Kim) penyulingan yg dilaksanakan dgn melalukan stim menerusi campuran pepejal mudah meruap atau cecair mudah meruap utk mengasingkannya drpd bahan yg tidak meruap;

penyuling alat utk menyuling.

suling III Mn kepala ke bawah dan kaki (buntut dll) ke atas, jungkir, tunggang; *~-daling* = *~-paling* tunggang-langgang, tunggang-balik;

menyulingkan meletakkan kepala ke bawah dan kaki ke atas, membalikkan, menjungkirkan, menunggangkan;

tersuling terbalik (kepala ke bawah dan kaki ke atas), tertunggang.

suling IV Kl; **menyuling** menggigit serta menarik (atau mengoyak) dgn gigi.

sulit 1. dirahsiakan, tersembunyi, rahsia: *segala perkara yg didapati drpd penyiasatan itu dianggap sbg perkara ~*; 2. tidak terang-terangan, tersembunyi, gelap: *pembunuhan itu terjadi dgn pertolongan secara ~ seorang menteri Jepun*; 3. gelap (perkumpulan dll), haram; *kumpulan ~ kumpulan penjahat (secara gelap)*; *pasar ~ pasar haram (di sisi undang-undang)*; 4. jarang terdapat atau diketemui, susah dicari; *perkataan yg ~-~ perkataan yg jarang-jarang ditemui*; 5. sukar, payah, susah: *pertanyaan itu ~ utk dijawab*; 6. sukar, gawat, rumit, ruwet: *perkara ini menjadi bertambah ~ lagi kerana adanya dlm sastera Melayu kebiasaan menyalin atau menyadur*;

menyulitkan 1. menjadikan sulit (rumit), menyukarkan, menyusahkan: *soal wang selalu ~*; 2. menjadikan sulit (tersembunyi), merahsiakan;

mempersulit menjadikan lebih sulit;

kesulitan perihal sulit, kesukaran, kesusahan, kerumitan: *saudara harus berani menghadapi segala ~*; *~ wang* kesukaran berwang, kesukaran mendapatkan wang.

suloi sj tumbuhan (paku-pakis), *Cyclophorus acrostichoides*.

sultan Ar raja (yg memerintah): *S~ Pahang; S~ Perak; nafsu-nafsi raja di mata, ~ di hati = beraja di mata bersultan di hati* prb melakukan sesuatu mengikut perhitungan sendiri (tidak mempedulikan teguran atau nasihat orang lain);

kesultanan **1.** kawasan (wilayah) yg diperintah oleh sultan, kerajaan, negeri (di bawah pemerintahan sultan); **2.** istana sultan; **3.** kedudukan (taraf) dan kekuasaan atau pemerintahan sultan: *makyung terus-menerus mendapat semacam naungan dr istana Perbaungan sehingga tahun 1946, tahun berlakunya kemusnahan ~ dan kemangkatan Sultan Sulaiman sendiri.*

sultana sj kismis drpd anggur berwarna hijau jernih, yg biasanya digunakan dlm membuat kek, puding dsb: *kek ~.*

sultanah Ar raja perempuan, tengku ampuan, permaisuri.

sultanat Ar kerajaan (di bawah seorang sultan), kesultanan.

sultani Ar perihal sultan, kesultanan.

sulu I ark → **suluh I.**

Sulu II suku kaum peribumi yg berasal dr Kepulauan Sulu, Filipina.

sulub → **salbi.**

suluh I **1.** sesuatu yg digunakan utk menerangi (daun kelapa kering yg dibakar dll), jamung, obor: *di sana sini kelihatan ~ terkelip-kelip; lampu ~* sj lampu yg menggunakan bateri, lampu picit; **2.** = **penyuluh** sl orang yg mencari rahsia, mata-mata gelap, pengintip, perisik;

bersuluh menggunakan suluh (utk menerangi): *sudah terang lagi ~;*

bersuluhkan menggunakan (sesuatu) sebagai suluh; *~ bulan* tidur di bawah langit (tidak berumah);

bagai ~ tengah hari prb a) = *lagi terang lagi bersuluh* perkara yg sudah terang dan nyata (sehingga diketahui umum); b) mensia-

siakan wang (tenaga dll); *bukannya ~ batang pisang, ~ bulan matahari* prb sudah terang dan nyata sekali (perbuatan, kejahatan, dll);

menyuluh, menyulahi 1. menerangi dgn suluh: *sinar neon yg benderang ~ sekitar bandar raya itu; di bawah bantalku ada lampu picit, aku ambil utk ~ jalan keluar;* **2.** mencari ikan (berburu dll) dgn suluh: *~ burung;* **3.** mencari-cari rahsia (keterangan dll), menyelidiki, merisik: *kawan-kawannya pergi ~ gerakan lanun yg dikatakan sedang bergerak ke utara Tanah Melayu;* **4.** ki menerangi (memberi penerangan), memberi petunjuk: *~ manusia supaya mengikuti jalan yg benar;*

penyuluhan 1. perihal menyuluh (mengintip, mengintai, dll), pengintaian, penyelidikan; **2.** ki penerangan;

penyuluh 1. orang yg tugasnya mencari rahsia, pengintip, perisik, suluh: *ia akan dibicarakan atas tuduhan menjadi ~ musuh;* **2.** ki pemberi penerangan (petunjuk dll): *ibu memberi pelajaran utk ~ kehidupanmu.*

suluh II; *akar ~ hutan* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar montek (serepat), *Urceola torulosa.*

suluk I 1. jalan ke arah atau utk mencapai kesempurnaan batin, mistik, tarekat, tasawuf; *ilmu ~ ilmu utk mencapai kesempurnaan batin, ilmu tasawuf;* *ahli ~ ahli tasawuf;* **2.** pengasingan diri, khalwat; *masuk ~ = bersuluk;*

bersuluk mengasingkan diri, berkhalwat (utk bertafakur, menenangkan fikiran, dll).

suluk II Jw sj nyanyian (dlm pertunjukan wayang).

Suluk III suku kaum peribumi yg tinggal di pesisiran pantai timur Sabah, terutamanya di daerah Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Semporna.

sulung I yg terdahulu (mula-mula sekali), yg tertua;

anak ~ anak yg pertama (tertua); *bahasa* ~ perkataan kanak-kanak (ketika mulai bercakap); *buah* ~ buah yg pertama (drpd pohon); *gigi* ~ gigi yg mula-mula tumbuh.

sulung II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Gynochthodes sublancoolata*.

sulup I sj perahu; → **selup**.

sulup II Br tempat berteduh (di tepi jalan dll), pondok.

sulur I 1. pucuk ranting drpd tumbuhan yg melata atau melilit, carang, julai; **2.** akar yg tumbuh drpd cabang dll (pokok beringin, ara, dll); **3.** (Bio) tunas yg menjulur (drpd tumbuhan spt bawang dll); **4.** Id garisan (dawai dll) yg berlingkar-lingkar spt spring; ~ *batang* berbentuk melingkar-lingkar spt spring;

~ *bayung* sj ukiran yg berupa tunas (pd bumbung dll); ~-*bulur* a) berbelit-belit tidak keruan; b) tidak menentu (percakapan dll); ~ *paut* sj julai yg tidak berdaun drpd beberapa jenis tumbuhan (utk berpegang atau berpaut pd batang lain); ~ *tiang* sambungan pd puncak tiang;

bersulur ada sulurnya, tumbuh sulurnya;

menyulur keluar memanjang (tunas drpd beberapa jenis tumbuhan), menjalar, menjulur;

sulur-suluran tumbuh-tumbuhan yg menjalar (rotan, sirih, dll).

sulur II sl penyuluh, perisik; → **suluh I**.

sulur III Pl alas sirih utk pengantin.

sulut Jk; **menyulut** memasang api, menyalakan: *orang itu memberikan sebatang rokok yg kemudian disulutnya*; → **sundut III**.

sum sl = *perahu* ~ sj perahu (kapal) Siam.

sumazau sj tarian tradisional kaum Kadazan di Sabah.

sumba Kd duri atau serpihan kayu yg tajam.

sumbang I 1. tidak mematuhi adat (kebiasaan, kesopanan, dll), melanggar adat, tidak sopan: *dia telah melakukan sesuatu yg ~ pd mata dan pengertian masyarakat kampung; kalau kita tidak suka lagi mematuhi adat ini tidakkah kita dipandang ~ oleh orang ramai?; anak ~ anak luar nikah, anak haram; 2.* salah atau silap (sesuatu perbuatan dll), keliru; *langkah ~ tersilap langkahnya (dlm silat); tegak ~ terkeliru tegaknya (dlm silat); 3.* tidak sedap didengar atau dilihat (bunyi-bunyian, perbuatan, kelakuan, dll), tidak seimbang atau tidak setara, janggal, palsu, sember; *suara ~ a) suara yg tidak sedap didengar, sember; b) ki percakapan bermusuh-musuhan;*

~ balai melintang berzina dgn orang yg tidak boleh dikahwini (pd agama atau adat); *~ kadim* bermukah dgn keluarga yg rapat; *~ kelakuannya* buruk lagi keji kelakuannya; *~ langkah a) = langkah ~ tersilap langkah (dlm silat); b) tersalah perbuatan atau gerak-geri, tidak senonoh (perbuatan); ~ mahram* perlakuan zina yg berlaku antara dua orang anggota terdekat dlm sesebuah keluarga, mis antara abang dgn adik perempuan atau ayah dgn anak perempuannya; *~ melangsi* lebih tinggi drpd yg seharusnya (nada suara); *~ pati* sl bermukah dgn saudara sendiri; *~ salah* melakukan zina;

menyumbangkan; *~ langkah a)* sengaja membuat langkah sumbang dlm silat (utk mengumpan lawan); b) melakukan sesuatu yg bertentangan dgn adat, melanggar adat;

menyumbang-nyumbangkan memburuk-burukkan atau menghina-hinakan orang (dgn menuduhnya melakukan perbuatan sumbang): *orang lain sudah biasa ~ Hanafi dgn nona pos itu;*

kesumbangan perihal sumbang (bkn perbuatan dll), keadaan dsb sumbang.

sumbang II; ~ *saran* perbincangan intensif utk menyelesaikan masalah tertentu, mendapatkan idea-idea baru, dsb.

menyumbang 1. memberikan sesuatu kpd orang yg mengadakan keramaian (sbg bantuan, sokongan), memberi solok: *banyak orang yg ~ ketika ia mengadakan kenduri*; **2.** turut membantu atau menyokong (dgn tenaga, wang, dll): *mereka ~ ke arah penubuhan Universiti Kebangsaan dgn masa dan tenaga*;

menyumbangkan memberikan sesuatu (tenaga, wang, dll) sbg sokongan atau bantuan, memberikan bantuan (pertolongan): *beberapa orang anak muda kami masuk hutan ~ tenaga dlm gerakan gerila melawan Jepun; namun Islamlah yg ~ ciri-ciri yg dominan dlm kebudayaan Islam*;

sumbangan 1. sesuatu yg diberikan sbg bantuan (kpd keramaian dll); **2.** bantuan atau pertolongan yg diberikan, sokongan: *mahasiswa kita masih sedikit sekali memberi ~ kpd tanah air; senarainya telah digunakan di peringkat antarabangsa dan telah memberi ~ yg besar terhadap kajian cerita rakyat*;

penyumbangan perihal memberikan sumbangan;

penyumbang orang yg memberikan sumbangan, orang yg menyumbang.

sumbangsih sesuatu (tenaga, wang, dll) yg diberikan sbg bantuan, sokongan, sumbangan.

sumbar Jw; **bersumbar, menyumbar** bercakap besar, menyombong: *mereka sama ~ sahut-menyahut*.

sumbat = penyumbat sesuatu yg digunakan utk menutup lubang (liang, mulut botol, dll), pemalam, penutup; ~ *botol* penutup botol (drpd gabus dll);

menyumbat 1. menutup (lubang, liang, mulut botol, dll) dgn sumbat, menyumpal: ~ *telinga dgn kapas*; **2.** memasukkan sesuatu

(padat-padat) ke dlm, mengisi: *mereka sedang ~ guni-guni tadi dgn barang-barang itu;*

menyumbatkan 1. menggunakan sesuatu utk menyumbat: *dicari kayu hendak disumbatkan pd lubang itu;* **2.** memasukkan sesuatu ke dlm, mengisikan: *bapanya sedang diikat dan kemudian disumbatkan ke dlm guni;*

tersumbat 1. tertutup (dgn sumbat dll), tersumpal: *rongga-rongga ini ~ dgn biji-biji gabus;* **2.** terisi, termasuk: *nasi yg ~ dlm mulutnya menyebabkan dia membisu;* **3.** seolah-olah tertutup atau tersekat kerongkongan (kerana termengkelan dll);

sumbatan hal tersumbat (tertutup atau tersumpal): *gejala yg terakhir ini merupakan tanda bahawa radang sudah mengakibatkan bengkak dan ~ pd saluran nafas; ~ salur itu memerlukan suatu rawatan yg khusus.*

sumbel; *songsang ~ Jk pontang-panting, jungkir-balik, tunggang-langgang.*

sumber 1. mata air, perigi, sumur; *~ minyak telaga minyak;* **2.** asal, mula, punca: *cukai eksport merupakan ~ kewangan negara yg penting; bahasa ~ sesuatu perkataan bahasa asal sesuatu perkataan (yg telah menyerap ke dlm bahasa yg lain);*

bersumber berasas (pd), bersandar (pd): *konsep sejarah ~ pd peristiwa-peristiwa yg berunsurkan kebenaran hakiki;*

bersumberkan mempunyai sesuatu sbg sumber: *buku yg ditulis ~ falsafah Yunani; kita tidak dapat menafikan lagi bahawa undang-undang akhlak yg semulia-mulianya haruslah ~ al-Quran dan Sunah.*

sumbi I sj kayu peregang kain (pd alat tenun).

sumbi II = *gigi* ~ a) gigi yg ditampal; b) gigi tambahan atau buatan (biasanya diselit di celah-celah gigi yg jarang): *empat pasang ~ emas terserlah di antara dua bibirnya*;

bersumbi memakai atau mempunyai sumbi: *dia ~ emas*;

menyumbi 1. memperbaiki bahagian tepi sesuatu yg rosak; **2.** menampal gigi (periuk dll) yg berlubang; **3.** mengganti papan perahu dgn papan baru dll.

sumbing 1. serpih pd tepi (pinggan mangkuk dll), rompes sedikit pd bahagian yg tajam (mata pisau dll), sompek: *pahat itu hendaklah cukup keras supaya tidak mudah ~ matanya*; **2.** cabik yg dalam (bibir dll), terbelah: *alangkah baik berbini ~, sungguh marah tertawa juga*; **3.** ki dibuat-buat (ketawa, senyum, dll): *kemudian ia tertawa ~ mengejek*;

~ *melalui, retak melampaui garis* prb kesalahan yg amat besar; ~ *menitik patah mengimpal* prb barang yg dipinjam kalau rosak hendaklah dibaiki;

menyumbingkan menyebabkan sumbing (pecah sedikit di bibir pinggan, mata parang dsb): *cara membasuh yg kasar boleh ~ pinggan dan cawan kaca yg dibasuh itu*.

sumbu I 1. kain (benang, kapas, dll) pd lampu yg dinyalakan, benang dll dlm lilin: *anak mancis itu lambat-lambat dicucuk ke ~ pelita*; **2.** tali api-api (pd mercun, meriam kuno, dll), murang, tunam: ~ *meriam*;

menyumbui 1. memasang sumbu pd, memberi bersumbu; **2.** ki mengapi-apikan (supaya orang marah dll);

persumbuan lubang tempat sumbu (pd meriam kuno).

sumbu II 1. gandar roda; **2.** garisan lurus dr kutub utara terus ke kutub selatan, paku alam.

sumbu III = ~ *badak* cula badak; *badak* ~ sj badak yg besar culanya,
Rhinoceros sondaicus.

sumbu IV sj ikan laut, *Lactarius lactarius*.

sumbuk sl sj perahu.

sumbul I Jw sj bakul yg bertutup.

sumbul II Mn sembul.

sumbur Mn; **menyumbur** keluar menonjol, menyembul; → **sembul**.

sumbut Jw ark berpadanan atau berpatutan (dgn tenaganya, wangnya,
dll).

sumengit sj tumbuhan (herba), *Nyptis suaveolens*.

sumin; ~ *bukit* = ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), malam petai, rami
bukit (bulan, hutan, jantan), rom baharu bukit, *Alchornea villosa*.

sumir bp pendek, ringkas;

menyumirkan memendekkan (karangan, perkara, dll),
meringkaskan.

sumo sj perlawanan gusti cara Jepun.

sumpah I 1. pengakuan yg dibuat (dgn bersaksikan Tuhan atau sesuatu
yg dianggap suci) utk menguatkan apa yg dikatakan dll: *berani
aku katakan ini dgn ~; dimakan ~ menderit* (sakit dll) kerana
membuat sumpah bohong; *makan ~ a)* sudah mengucapkan
sumpah; b) membuat sumpah bohong; *mengambil ~ menyuruh
membuat sumpah*; **2.** pengakuan bahawa apa yg dikatakan itu
memang benar (berani melakukan sesuatu dan berani menderita
sesuatu jika pengakuannya itu tidak benar); ~ *potong ayam*
sumpah dgn menyembelih ayam (bagi orang Cina sahaja); **3.** kata-
kata yg mengutuk (maki hamun dll), kutuk, tula: *Si Tenggara
menjadi batu kena ~ ibunya*; **4.** janji yg teguh utk melakukan
sesuatu, ikrar: *baginda telah mengangkat ~ utk memerintah negeri
ini dgn adil*;

~ *besi kawi* sumpah dgn meminum air yg di dalamnya telah direndam besi kawi; ~ *celur (celup)* sumpah dgn mencelupkan tangan dlm air (minyak) yg mendidih; ~ *jabatan* Id sumpah yg dibuat pd waktu memegang jawatan; ~ *jilat besi* sumpah yg dibuat dgn menjilat besi panas; ~ *keramat* sumpah yg dibuat di tempat yg dianggap keramat; ~ *menyelam* sumpah yg dibuat oleh dua orang yg menyelam (siapa yg lebih lama dlm air dialah yg benar); ~ *minum air keris* sumpah dgn meminum air keris (yg dianggap sakti); ~ *palsu* sumpah bohong; ~ *Quran* sumpah yg dibuat dgn memakai Quran; ~ *seranah* = ~ *serapah* berbagai-bagai sumpah; ~ *setia* sumpah utk menyatakan kesetiaan; ~ *uji api* sumpah dgn menggunakan api;

bersumpah **1.** menyatakan kebenaran dll sesuatu perkara dgn sumpah, menyatakan kesetiaan dll dgn sumpah, mengangkat sumpah: *jikalau tuan kurang percaya mari ~ kalam Allah; ia ~ akan setia kpd janjinya*; **2.** berjanji sungguh-sungguh (akan melakukan atau mematuhi sesuatu), berikrar: *ia berazam, ~, tidak akan beristeri dua*;

bersumpah-sumpah sl saling melakukan sumpah (bersumpah), berteguh-teguhan janji: *maka kedua-duanya pun ~lah*;

menyumpah **1.** mengucapkan sumpah, mengangkat sumpah, bersumpah: *maka ~ Tuanku Datuk Nakhoda Tua titahnya, "Jikalau selamat geliung panjang ini tiba di Tanah Jawa, beta kahwinkanlah anakanda dgn barang siapa yg menyelamatkan beta"*; **2.** = **menyumpahi** menghamburkan kata-kata yg tidak baik kpd, mengutuki, menyeranah: *puteri itu ~ Pulau Langkawi menjadi daerah kering tandus hingga tujuh keturunan; dulu dia menyumpahi dirinya, disangkanya tidak menurunkan baka*;

menyumpah-nyumpah mengeluarkan kata-kata yg kesat terhadap seseorang atau sesuatu berulang kali atau berturut-turut: *beberapa orang ~ apabila tayar basikal mereka tidak mahu berpusing disumbat tanah;*

mempersumpahkan 1. membenarkan membuat sumpah, menyuruh bersumpah; 2. membuat sesuatu kenyataan dgn sumpah, bersumpah;

sumpahan sesuatu yg disumpah, sumpah: *begitulah ~ ayahnya sbg ganjaran dosanya;*

persumpahan perihal bersumpah,akuan, ikrar.

sumpah II; balik ~ = sumpah-sumpah sj binatang kecil yg seakan-akan cicak, kulitnya berwarna hijau dan boleh bertukar warna mengikut keadaan sekeliling, *Calotes cristatellus*.

sumpah bohong sumpah yg bersalahan dgn kebenaran;

bersumpah bohong berbohong setelah mengangkat sumpah utk memberikan keterangan yg benar.

sumpal padat, sumbat;

menyumpal menyumbat: *kemudian ia mengambil kain-kain buruk, ~ kedua-dua tumit sepatunya;*

menyumpalkan menyumbatkan;

tersumpal tersumbat.

sumpel Jk sumpal.

sumping Jk sj perhiasan yg dilekatkan di telinga (berbentuk sayap); → **sunting**.

sumpit I 1. = sumpitan alat yg merupakan pembuluh (drpd buluh dll) utk melepaskan damak dgn meniup, temiang; 2. alat (yg berupa pembuluh drpd kaca dll) yg berlubang halus utk memancutkan air dgn kuat;

menyumpit meniup sumpitan utk melepaskan damak, melepaskan damak pd sesuatu (dgn sumpitan): *kalau terlihat tupai melompat dr dahan ke dahan habis disumpitnya;*

sumpitan sumpit; *lurus ~ hendak mengena = lurus-lurus ~ prb tipu muslihat utk mencari keuntungan bagi diri sendiri;*

penyumpit orang yg menyumpit.

sumpit II; *ikan ~ = sumpit-sumpit 1.* sj ikan laut, *Toxotes jacula*; **2.** sj ikan darat, *Toxotes jaculatrix*.

sumpit III = sumpit-sumpit sj karung yg dianyam drpd mengkuang dll (bekas beras dll): *bukunya sudah dimasukkan ke dlm ~ mengkuang;*

menegakkan ~ tak berisi prb a) orang bodoh (miskin) yg berlagak pandai (kaya); b) perbuatan yg sia-sia sahaja; *spt ~ (abu) ditegakkan = bagai ~ dihentakkan* prb ejekan utk orang yg gemuk dan lembam.

sumpit IV alat utk menyuap makanan (orang Cina), sepit.

sumpu sj tumbuhan (herba), kerak-kerak, *Bonnaya antipoda*.

sumpuh; *~ bulan = ~ kering* sj tumbuhan (herba), penggahir, penggeheh, penggeli, sagut, *Aglaonema angustifolium*.

sumsum isi dlm tulang panjang yg berwarna merah kehitaman, tulang hitam, benak; *meresapi tulang ~ = sampai ke tulang ~ ki mendalam sekali* (rasa sejuk dll); *bubur ~* sj bubur yg diperbuat drpd tepung beras.

sumur perigi, telaga: *mandi di ~;*

~ bor Id sj perigi yg airnya memancut dr tanah (tidak perlu dipam ke atas); *~ buta = ~ mati* perigi yg telah kering (tidak dipakai lagi); *~ minyak* telaga minyak; *~ pantik* Jk pancuran air yg dibuat dgn memasukkan paip ke dlm tanah;

~ *digali air terbit* prb hasil yg didapati lebih drpd yg diharapkan; ~ *(di) tepi jalan* prb perempuan yg tidak senonoh kelakuannya (perempuan lacur); *bagai ~ (di) tepi rawa = gagai bersumur (di) tepi rawa* prb orang yg selalu cemburu.

sumurung ark melebihi yg lain (kedudukan, pangkat, dll), terutama (terbaik), unggul.

sun C; *tembakau* ~ sj tembakau yg baik.

sunah Ar peraturan atau adat yg berdasarkan perbuatan dan perkataan Nabi Muhammad SAW yg digalakkan amalannya; *Ahli S-Waljamaah* golongan yg berpegang teguh pd perbuatan dan perkataan Nabi Muhammad SAW.

sunai; ~ *laut* sj tumbuhan (herba), bunga butang, seremai, serenah laut, serunai (laut), *Wedelia biflora*.

sunam; **menyunam** terbang (terjun dll) ke bawah dgn kepala dahulu, menjunam, menukik;

menyunamkan menggerakkan dll ke arah bawah, menjunamkan, menukikkan.

sunan Jw raja (di Solo dll);

kesunanan daerah kekuasaan sunan.

sunat I hukum menggalakkan sesuatu perbuatan (dlm Islam) yg menjanjikan ganjaran pahala jika dilakukan dan tidak berdosa jika ditinggalkan: *berpuasa pd setiap hari Isnin dan Khamis atau pada hari Isnin, Khamis dan Jumaat hukumnya ~;*

puasa ~ puasa yg tidak diwajibkan (mis puasa enam dlm bulan Syawal dll); *sembahyang* ~ sembahyang yg tidak diwajibkan (selain sembahyang lima waktu);

disunatkan dianjurkan mengerjakan sesuatu (tidak diwajibkan): *sebelum ihram, ~ mandi dan sembahyang ihram dua rakaat.*

sunat II = ~ *rasul* khatan; *tukang* ~ orang yg mengkhatankan, bengkong, mudim;

bersunat = ~ *rasul* dikhatankan, masuk Jawi, bersuci: *kata kawan-kawannya yg telah ~ di rumah sakit, doktor pakai ubat pelali dan tentunya tidak terasa apa-apa;*

menyunat memotong kulup, mengkhatankan;

menyunati Jk = **menyunatkan**;

menyunatkan, menyunatrasulkan mengkhatankan: *aku menjalankan segala tugas orang tua sampai kpd ~nya;*

sunatan majlis (kenduri) berkhatan: *pagi itu pagi ~ anak yg ketiga seorang kaya; anak ~ anak yg disunatkan.*

sunbulat Ar nama segugusan bintang (Virgo).

sundae aiskrim yg di atasnya dibubuhi sos manis, kacang, krim putih dsb.

sundai Mn; *limau* ~ sj limau purut (utk menggulai).

sundak I Mn; **menyundak 1.** = **tersundak** terhantuk (terlanggar, tertumbuk) pd, membentur, menyondol: *ia bangkit berdiri, hampir-hampir tersundak pd lampu gantung; 2.* naik (air), pasang: *kolek itu tidak dapat dilajukan sangat kerana pasang sudah ~ .*

sundak II ark hujung (duri dll) yg tajam, sengat.

sundal I 1. tidak elok kelakuannya (bkn perempuan), jahat, lacur: *kau memang gatal, ~; 2.* perempuan lacur, perempuan jalang; ~ *bolong* sj hantu puntianak, langsuir;

bersundal, menyundal menjadi sundal (bkn perempuan), menjadi pelacur, melacur;

mempersundalkan menyebabkan atau memaksa (seseorang) menjadi sundal atau perempuan lacur;

persundalan perihal bersundal (menyundal), pelacuran.

sundal II; ~ *malam* sj tumbuhan (herba yg berbunga), kerak nasi, sandar malam, sedap malam, siku dangan (dengan), *Polianthes tuberosa*.

sundang 1. = *keris* ~ sj keris yg lebar bilahnya spt bilah pedang; **2.** Jh senjata.

sundari sj alat (dipasang pd layang-layang) yg berbunyi apabila ditiup angin.

sundatang sj alat bunyi-bunyian bertali dua yg dipetik, biasanya terdapat di Sabah.

sundusi, sundusin ark sl kain sutera yg berpakankan benang emas.

sundut I Mn ark anak cucu, keturunan; ~-*bersundut* sampai ke anak cucu, turun-temurun.

sundut II Mn; **menyundut** membawa dgn tandu dll, mengusung.

sundut III Jk bakar, cucuh, sulut; *bedil (meriam, senapang)* ~ bedil (meriam, senapang) yg dicucuh dgn api apabila hendak diletupkan;

menyundut mencucuh, menyulut.

sungai tali air yg semula jadi, batang air, kali: ~ *Pahang*;

anak ~ cabang dr sungai yg besar, sungai kecil; *hilir* ~ bahagian sungai sebelah bawah, lwn udik (hulu); *hulu* ~ bahagian atas sungai, udik; *kalau menyeberang ~ biarlah ditelan oleh buaya, tetapi jangan dipagut oleh ikan kecil-kecil* prb jikalau kita membuat sesuatu kesalahan biarlah dihukum oleh orang yg berkuasa (ditegur oleh orang yg berilmu) tetapi jangan dianiaya oleh orang kecil-kecil;

ke sungai bh (pergi) membuang air besar; ~ *sambil mandi* prb sekali membuat, dua tiga pekerjaan diselesaikan.

sungga 1. benda yg tajam atau roda bergerigi utk memacu kuda, pacu; **2.** buluh atau bilah yg ditajamkan dan dipacakkan di tanah, ranjau, suda;

menyungga menggertak (kuda) dgn sungga supaya kencang larinya, memacu.

sunggu Jw; **menyunggi** menjunjung.

sungging I lukisan atau perhiasan (berwarna-warni); *juru~* pelukis sungging; *seni ~* seni membuat gambar perhiasan;

menyungging melukis dgn warna-warni (cat dll), mewarnai (lukisan dll);

tersungging 1. sudah disungging (lukisan); **2.** ki terlukis (senyuman): *akhirnya ~lah di bibirnya sebuah senyuman.*

sungging II Mn; **menyungging** menungging.

sunggit → **sungkit.**

sungguh 1. tidak bohong, tidak lancung, benar, betul: *~ demikianlah yg sebenar-benarnya kejadian*; **2.** = *~ hati* = **sungguh-sungguh** tidak main-main, dgn segenap hati, dgn tekun: *kelemahan inilah yg harus diketahui, yg harus dicari sungguh-sungguh jika ia mahu berjaya*; **3.** amat, sangat, terlalu: *bising ~ bunyi kedua-duanya bertengkar*; *letih ~ rasa badan saya*; **4.** memang, sebenarnya, sebetulnya: *~ ada bapamu meninggalkan engkau emas*;

sesungguhnya 1. bahawasanya, sebenarnya, sebetulnya: *~ dua hari yg telah lalu, laki-laki perempuan banyak datang menemui dia*; **2.** memang (begitu), sememangnya: *~ hari telah rembang petang, matahari sudah condong benar ke barat*;

bersungguh-sungguh (berusaha, bekerja) dgn segenap hati, dgn penuh minat, tidak main-main: *apakah pengakuannya itu satu pengakuan yg dibuat ~ atau kerana paksaan?*

menyungguhi, menyungguh-nyungguhi, mempersungguhi Mn mengerjakan sesuatu dgn sungguh-sungguh (tidak main-main, dgn sedaya upaya): *maka diangkat tiada terangkat, maka disungguhi, terangkat sehingga lutut*;

menyungguhkan **1.** mengakui, membenarkan, mengesahkan: *sekalian yg mendengar itu ~*; **2.** = **mempersungguhkan** mengusahakan benar-benar (dgn segenap hati): *segala amalan mengutamakan penggunaan bahasa Kebangsaan akan dimajukan terus, bahkan mustahak dipersungguhkan lagi*; **3.** = ~ diri menjaga diri supaya selamat (drpd musuh dll);

kesungguhan perihal (sikap dsb) sungguh-sungguh, kebulatan hati, minat serta ketekunan (melakukan sesuatu), ketulusan: *ia mendengarnya dgn penuh ~*; *satu persoalan yg dapat kita lihat amat relevan sekarang ialah ketegasan dan ~ kerajaan dlm usahanya melaksanakan penggunaan bahasa Melayu*;

penyungguhan perihal menyungguhkan (membenarkan, mengiakan), pembenaran, pengesahan.

sungguhpun meskipun, kendati, walaupun: *~ tidak dipelawa masuk, orang itu naik juga*.

sungkah Mn; **menyungkah, menyungkahkan** memakan hingga habis, memakan dgn rakus.

sungkai I sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat ubat sakit gigi), *Peronema canescens*.

sungkai II Br **1.** berbuka puasa; **2.** tidak berpuasa.

sungkal; ~ *bajak* mata bajak, nayam;

menyungkal membalikkan tanah dgn sungkal bajak, membajak, menenggala.

sungkan Jw tidak mahu (mengerjakan sesuatu), enggan, segan.

sungkap; tersungkap tidak melekat lagi (kertas yg ditampal ke dinding dll), terlepas, tertanggal.

sungkawa Jw sedih hati, susah hati, gundah;

bersungkawa bersedih hati, berdukacita, berkabung; □ → **belasungkawa**.

sungkit; menyungkit 1. mencungkil, mengungkit, mengumpul: *pekerja itu ~ batang pokok yg tumbang*; 2. menguis bola ke atas dgn pantas menggunakan kaki dlm bola sepak atau pemukul dlm hoki dsb: *pemain itu ~ bola dr sebelah kanan pintu gol*;

sungkitan perihal (perbuatan atau hasil) menyungkit: *beliau juga memegang tugas tetapnya selaku penyudah pukulan sudut penalti negara menerusi gaya ~*.

sungkuk ark; **tersungkuk, tersungkuk-sungkuk** menunduk dgn melengkungkan belakang, membongkok-bongkok.

sungkum ark; **menyungkum** meniarap dgn muka mencecah atau kena pd tanah dll, menangkap muka pd (ribaian ibu dll); ~ *tanah* sujud; **tersungkum** tersembam (muka ke tanah dll).

sungkup = penyungkup sesuatu (barang yg berongga di dalamnya spt tudung saji dll) yg digunakan utk menutup, tudung;

bersungkup ditutup dgn sungkup, bertudung: *nasi yg telah lama dihidangkan di meja makan masih ~ dgn tudung saji*;

menyungkup, menyungkupi menutup dgn sungkup, menudung, menutup: ~ *makanan dgn tudung saji*;

menyungkupkan menutupkan sesuatu pd, menudungkan;

tersungkup tertutup dgn sungkup dll, tertudung;

sungkupan sj bakul utk menyungkup pakaian (yg dikeringkan dll).

sungkur I; ~-*sangkar* tertiarap (dgn tangan dan kaki terdepang); ~ *sembam* tersembam (muka mencium tanah); *sang* ~ babi (yg merosakkan tanaman);

bersungkuran tersembam (jatuh dsb) dgn kepala tertunduk rendah-rendah: *sekalian rakyat tentera menghadap baginda sujud kepalanya masing-masing lalu ke tanah ~*;

menyungkur 1. menundukkan kepala rendah-rendah (spt kerbau hendak berlaga dll): *budak itu ~ di hadapannya meminta ampun;*

2. menggali-gali tanah dll dgn muncung (babi dll): *mereka ~ tanah dgn hidungnya mencari akar utk dimakan;*

tersungkur jatuh dan mukanya terkena tanah, jatuh tersembam, jatuh tertiarap: *dgn sekali panah, kijang itu pun ~lah lalu mati;*

sungkuran; *nyiur ~ nyiur* yg masih muda (boleh dicungkil isinya).

sungkur II Mn alat utk mencedok atau menggali tanah dll, penyodok (tanah dll), skop;

menyungkur menyodok tanah dll dgn sungkur.

sunglap silap mata; □ → □ **sulap I.**

sungu I Jw tanduk.

sungu II Mn muncung yg panjang, jongor; ~ *badak cula* (sumbu) badak; *singkat ~ ki lekas marah, pmarah.*

sungul; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), kedondong bulan, kedondong pasir, kerat telunjuk, tiup, *Canarium rufum.*

sungut I 1. = **sungut-sungut, sesungut** alat perasa yg menyerupai rambut dan terdapat pd beberapa jenis serangga dll: *lipas mempunyai sayap dan ~ yg panjang;* **2.** kumis, misai: ~ *kucing.*

sungut II = ~ *leter* gerutu, omel, rungut, comel: *muka masam dan ~ pd tiap-tiap hari;*

bersungut, bersungut-sungut mengomel, menggerutu, merungut, mencomel: *sbg melepaskan perasaan, mereka ~ dan menyumpah-nyumpah dr belakang;*

menyungutkan bersungut tentang (sesuatu): *mereka akan terasa kehilangan kalau tidak ada peraturan utk disungutkan;*

sungutan kata-kata dsb yg melahirkan perasaan tidak puas hati (tidak suka dsb), omelan.

suni Mn sunyi.

sunjam ark; **tersunjam** jatuh kepala dahulu, jatuh menjunam, jatuh terjungkir; ☐ → ☐ **hunjam**.

sunnah → ☐ **sunah**.

sunni Ar ahli sunah.

suntang; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), *Brucea amarissima*.

sunti I = ~ *halia* sj tumbuhan (rizom yg boleh dibuat ubat), *halia*, *Zingiber officianale*; *asam* ~ *halia* jeruk.

sunti II; *anak dara* ~ = *gadis* ~ anak perempuan yg mulai jadi gadis.

suntih Mn; **menyuntih** mengoyak-ngoyakkan menjadi carik-carik kecil (daging dll), menarik-carik, menyayat-nyayat.

suntik 1. pemasukan ubat ke dlm badan dgn menggunakan jarum, cucuk:
~ *utk mencegah penyakit*; *jarum* ~ jarum yg digunakan utk memasukkan ubat ke dlm badan; *ubat* ~ ubat yg dimasukkan ke dlm badan dgn jarum; **2.** tanam cacar;

menyuntik 1. mengorek keluar (duri dr dlm kulit dll) dgn jarum, mencungkil, mencucuk; **2.** mengukir dgn benda tajam (pd logam dll); **3.** memasukkan ubat ke dlm badan dgn jarum: *kemudian jururawat memanggil doktor, doktor datang ~nya*; **4.** = ~ *cacar* memasukkan benih penyakit cacar ke dlm badan (utk mencegah penyakit cacar), menanam cacar; **5.** bp mengapi-apikan, mengacum, menghasut: *mereka akan disuntik dgn fikiran-fikiran anti-Barat*; **6.** memberikan, menyediakan;

menyuntikkan memasukkan (ubat, cairan, dll) ke dlm badan dgn jarum: ~ *serum*;

suntikan 1. pemasukan ubat ke dlm badan dgn jarum, cucuk: *jururawat datang lagi memberi ubat dan ~*; **2.** penanaman cacar; **3.** bp hasutan;

penyuntikan perihal menyuntik: *memasukkan ubat ke dlm tubuh dgn jalan ~ tidak membatalkan puasa*;

penyuntik alat utk menyuntik: *jarum* ~.

sunting perhiasan berupa bunga dll yg dicucukkan di rambut atau di belakang telinga: *di kepalanya terhias ~ emas*;

~ *hati* ki anak kesayangan; ~ *malai* sj perhiasan rambut yg dipakai di belakang telinga;

bersunting, bersuntingkan memakai sunting (drpd bunga dll);

menyunting **1.** memetik bunga (utk dijadikan sunting dll): *ia bermain di taman ramai sambil ~ bunga hati, memetik kembang murni*; **2.** memperkemas dan menyiapkan karangan (makalah dll) utk dicetak; **3.** menyusun filem dll (sebelum ditayangkan);

menyuntingkan **1.** meletakkan bunga dll di kepala atau di belakang telinga (sbg perhiasan), memakai sunting (drpd bunga dll): *ia ~ bunga mawar di sanggulnya*; **2.** memasukkan kata pendahuluan dll (dlm buku dll), mencantumkan;

mempersunting **1.** memakai bunga dll sbg sunting, menyuntingkan: *bunga dipersunting sudahnya akan layu*; **2.** mengambil gadis utk dijadikan isteri, memperisteri: *timbullah keinginan dlm dadanya utk ~ gadis itu*; **3.** ark mendapat sesuatu yg berguna;

suntingan **1.** sesuatu yg disunting (bunga dll); **2.** pembetulan atau perbaikan karangan (buku, makalah, dll);

penyuntingan perbuatan menyunting (buku, makalah, dll);

penyunting orang yg menyunting (karangan, filem, dll).

suntut **1.** sampai hadnya, telah habis waktunya (tempohnya), terlambat, terlewat: *sia-sia sahajalah kalau ia singgah, tambahan pula masa telah ~, hampir pukul lima*; *tua* ~ tidak mengaku dirinya tua; **2.** selama, sepanjang, seluruh (hari, malam, dll); *sehari* ~ sepanjang hari; *semalam* ~ sepanjang malam; **3.** Mn tidak panjang, pendek,

picik, singkat; ~ *akal* pendek (singkat) akalnya; *fikirannya* ~ cetek pengetahuannya;

tersuntuk tidak dapat bergerak (maju dll) lagi, terhalang, tertahan, tertumbuk atau tersundak kpd;

kesuntukan perihal suntuk, kehabisan, kekurangan (wang dll), kesempitan.

sunu Mn; **menyunu** mencucuh, membakar, menunu, menyulut; □→ □**tunu**.

sunyata Jw; **kesunyataan** kenyataan (dlm agama atau ilmu tasawuf);

alam ~ alam mistik (suluk, tasawuf); *ilmu* ~ ilmu tasawuf (suluk).

sunyi **1.** tidak kedengaran sebarang bunyi (suara), hening, senyap: *suasana menjadi ~, masing-masing membisu; ~ senyap* sangat sunyi; **2.** tidak berorang, kosong, lengang, sepi: *dr jauh dilihatnya rumah itu ~ sepi; negeri itu ~; pasar sudah mulai ~*; **3.** bebas drpd, jauh (dr), lepas drpd: *manusia di dlm dunia ini tidak ~ drpd tamak dan haloba; bahasa Melayu telah diajarkan dan dipelajari dgn lebih ghairah walaupun tidak ~ drpd masalah; tiada ~nya = tiada ~-~nya* tiada putus-putus, selalu, sentiasa; **4.** Ph rindu (akan);

bersunyi, bersunyi-sunyi menjauhkan diri drpd orang ramai, mengasingkan diri, menyendiri: *sengaja mereka pilih itu kerana mereka hendak ~-sunyi dan boleh berlama-lama di situ*;

menyunyi ark menjadi sunyi (senyap, sepi);

kesunyian **1.** perihal sunyi, keheningan, kelengangan, kesenyapan, kesepian: *bunyi air yg mencurah dr cucuran atap menimpa daun-daun kering kedengaran membelah ~ malam*; **2.** berasa sunyi (kerana keseorangan dll): *segala yg berlaku di sekelilingnya ketika itu tidaklah dapat menarik hatinya, ia ~, ia keseorangan*.

sup sj masakan yg banyak kuahnya (dibuat drpd ramuan-ramuan tertentu spt daging, ikan, sayur, dsb): ~ *ayam*; ~ *kambing*.

supai → **sipahi**.

supaya kata perangkai yg menerangkan maksud ayat sebelumnya, agar, hendaknya: *ia berpesan ~ kami pandai-pandai membawa untung; makan ~ kenyang; ~ jangan janganlah hendaknya*.

super- *awalan asing* lebih baik, lebih bermutu, lebih berkuasa dsb, mis *superkomputer* dan *supersonik*.

superego (superégo) (Psi) bahagian fikiran bawah sedar yg sentiasa menyedarkan kita tentang kebaikan atau keburukan sesuatu, dan yg membuatkan kita terasa bersalah sekiranya kita melakukan sesuatu kesalahan.

superfisial tidak mendalam, hanya pd permukaan, cetek: *penulis-penulis itu menuduh bahawa akhbar popular tidak serius dlm pendekatannya, sebaliknya hanya menyentuh isu-isu ~ dan menimbulkan gambaran palsu tentang keadaan yg sebenarnya*.

superfosfat baja yg dihasilkan secara mengolah batuan fosfat dgn asid fosforik atau asid sulfurik.

superintenden (superinténden); ~ *polis* jawatan pegawai dlm pasukan polis tiga tingkat lebih tinggi drpd jawatan inspektor.

superior (supérieur) **1.** lebih tinggi (atau baik) mutu, darjat, taraf kedudukan, dsb, unggul; **2.** lebih tinggi letaknya atau kedudukan sesuatu; **3.** pegawai yg lebih tinggi taraf jawatannya, pegawai atasan.

superioritas (supérieuritas) IB superioriti.

superioriti (supérieuriti) kedudukan taraf, darjat, dsb yg lebih tinggi.

superkomputer (Komp) sistem komputer kerangka utama yg paling besar, paling berkuasa dan paling laju.

supernova (Ast) bintang yg menjadi sangat terang disebabkan berlakunya ledakan yg menghamburkan jisimnya.

superordinat 1. (Lin) perkataan yg maknanya merangkumi makna perkataan(-perkataan) lain, mis *bunga* ialah superordinat bagi *melur*, *mawar* dan *orkid*; **2.** berkedudukan atau berkeadaan lebih tinggi atau besar (berkuasa, berpengaruh dsb): *masyarakat kapitalis*, *terbahagi kpd dua kelompok atau kelas*, *iaitu kelompok dominan atau ~, dan kelompok subordinat*.

superskrip aksara (angka, huruf, pecahan, atau simbol) yg dicetak ke suatu sisi aksara lain, dgn kedudukan yg ke atas sedikit (mis dlm Y^2 , 2 ialah superskrip).

superlatif (Lin) bentuk kata yg menggambarkan yg paling atau ter-, darjah (tingkatan) yg tertinggi.

supersonik berupaya bergerak dgn kelajuan yg lebih cepat drpd kelajuan bunyi.

superstruktur 1. struktur atau binaan yg dibina di atas bahagian utama sesuatu bangunan; **2.** (Layar) bahagian atas geladak utama kapal.

supir Id pemandu kereta; ~ *beca* pengayuh beca;

menyupir memandu kereta.

supit □ → **sumpit I.**

suplemen (suplémén) IB **1.** sesuatu yg ditambah kemudian (pd buku dll), tambahan, pelengkap; **2.** sesuatu yg dijadikan tambahan (pd akhbar, majalah, dll), tambahan istimewa, lampiran.

supletoar IB sesuatu yg digunakan utk menambah, penambah.

supositori (Ubat) ubat pejal berbentuk silinder atau kon yg dimasukkan ke dlm dubur atau faraj supaya larut dan melepaskan bahan aktifnya.

supra- *awalan asing* melebihi atau melewati sesuatu batas, sempadan dsb, melampaui, melangkaui, mis *supranasional*.

supranasional melangkahi sempadan atau kepentingan negara: *umat Islam ~; bahasa dunia yg cerah masa depannya ialah bahasa yg bersifat ~; institusi ~.*

supransionalisme nasionalisme yg melampaui atau melangkahi batas, sempadan dsb negara.

supremasi (suprémasi) IB kekuasaan yg tertinggi: *utk menjaga ~ mereka di bidang politik, mereka telah membentuk sistem keturunan mengikut kasta.*

Supt kep Superintenden: ~ *Yahya.*

Sura; *bulan ~ bulan yg pertama dlm tahun Islam, bulan Muharam; □ → □ Asyura.*

suraga Br seraga.

surah Ar bahagian atau bab (yg mengesahkan sesuatu) dr Quran; **surat II.**

surahi Ar berkaitan dgn surah (dlm Quran); *ilmu ~ pengetahuan bkn Quran.*

surai I 1. bd rambut (di kepala); **2.** bulu atau rambut pd tengkuk kuda (singa dll).

surai II; bersurai berpisah-pisah, bercerai-cerai: *setelah mayatnya ditimbus, semua yg hadir pun ~lah pulang ke tempat masing-masing;*

menyurai, menyuraikan menjadikan bersurai, membubarkan (perkumpulan dll), memisah-misahkan, menceraikan: *polis terpaksa melepaskan tembakan gas pemedih mata utk menyuraikan perkumpulan haram itu.*

surai III; rumput ~ sj tumbuhan (rumpai), *Fimbristylis aestivalis.*

suralaya sl tempat kediaman dewa-dewa, kayangan.

suraloka sl suralaya.

suram 1. tidak berapa terang (cahaya dll), agak gelap, kurang cahaya, redup (cuaca): *di dlm kamar tidurnya itu hanya lampu tidur sahaja yg hidup, lampu kecil yg ~ cahayanya; petang yg ~;* **2.** tidak berkilauan atau bercahaya (barang emas, perak, dll), tidak bening (batu permata), buram: *kalau beberapa hari tidak dicucinya, kereta itu kelihatan ~;* **3.** tidak berseri-seri (muka, mata, dll), kusam, kuyu, muram (kerana sedih dll): *di ambang pintu terdiri Jenab dgn pakaian serba hitam, rambutnya tidak berdandan, mukanya ~; matanya ~;* **4.** kurang seronok (kehidupan dll), kurang berbahagia, susah (hati dll), sedih: *sesekali guruh menderam di sebelah barat, di hati mereka ~, besok entahkan hujan!; kehidupan yg ~;*

suram-suram; ~ gelap sedikit gelap (sehingga tidak kelihatan nyata), samar-samar, sabur-limbur;

menyuram bertukar menjadi suram, menjadi muram (buram, pudar);

menyuramkan menjadikan suram (buram, pudar, dll), memuramkan, memudarkan: *jalan ke rumahnya yg gelap makin ~ pandangannya;*

kesuraman perihal suram, kemuraman, kepudaran: *di wajahnya, terbayang kesulitan hidup serta ~ masa hadapan anak-anak itu.*

surat I 1. kertas yg ditulis, segala sesuatu yg tertulis (tercetak dll): *maka dikeluarkannya dua gulung ~; juru~* orang yg menulis surat (penulis); **2.** = ~ *kiriman* kertas yg ditulis (mengandung khabar dll) dan dikirim kpd orang lain: *dia baru menerima ~ drpd ayahnya; peti ~* peti (di tepi jalan, di pejabat pos) tempat mengepos surat; *sampul ~ = sarung ~* selongsong drpd kertas (tempat memasukkan surat yg hendak dikirim); *tukang ~* Id tukang

pos; **3.** sesuatu yg ditulis, tulisan: *dlm zaman itu, belumlah ada seorang pun yg terlebih pandai bahasa dan ~ Cina daripadanya*; ~ *akuan* surat yg ditulis utk memperakukan sesuatu (spt barang jualan, kelayakan seseorang, dsb); ~ *anggota* Id surat tanda ahli sesuatu pertubuhan dll; ~ *angkatan* Id surat rasmi utk menjabat sesuatu jawatan; ~ *anonim* surat yg tidak diketahui penulisnya; ~ *azimat* kertas yg bertulis dgn ayat tertentu sbg tangkal dll; ~ *bahari* ark surat yg mengesahkan penerimaan, resit; ~ *beranak* = ~ *jadi* = ~ *lahir* surat keterangan mengenai kelahiran dll; ~ *berdaftar* surat kiriman yg didaftarkan di pejabat pos (supaya tidak hilang); ~ *berhenti* a) surat pengesahan berhenti (dr sekolah) yg diberi oleh guru besar; b) surat memohon berhenti drpd jawatan; c) surat dipecat drpd jawatan; ~ *belasungkawa* surat utk menyatakan turut berdukacita; ~ *buta* = ~ *gelap* = ~ *kaling* = ~ *mentega* surat yg tidak diketahui penulisnya (khas utk mengkritik dll); ~ *cap* surat yg rasmi; ~ *cara* dokumen undang-undang spt geran, kontrak, dsb; ~ *cepat* Id surat (penting) yg mesti disampaikan lekas-lekas; ~ *cerai* = ~ *talak* surat yg menyatakan bahawa si isteri telah diceraikan oleh suaminya; ~ *dakwa* surat yg mengandungi tuduhan yg dibacakan di hadapan hakim; ~ *daftar* senarai; ~ *dinas* Id = ~ *jawatan* surat urusan kerajaan (tidak dikenakan bayaran pos); ~ *doktor* surat pengesahan drpd doktor (menyatakan seseorang itu uzur dan tidak dapat bekerja); ~ *edaran* = ~ *keliling* = ~ *pekeliling* surat yg diedarkan (utk pengetahuan umum); ~ *gadai* a) surat tanda meminjam wang dgn menggadaikan barang; b) Id surat penetapan cukai; c) Id surat izin (senjata api dll); ~ *hasrat* (Eko) surat yg menyatakan keinginan seseorang atau sesuatu pihak utk melaksanakan kontrak, projek dsb; ~ *hutang* surat pengakuan telah meminjam wang drpd orang; ~ *ikatan* (Eko) dokumen yg sah bagi

perjanjian atau persetujuan antara pihak yg terlibat; ~ *insurans* surat perjanjian mengenai insurans, polisi; ~ *iringan* surat penjelasan yg dihantar bersama-sama dgn dokumen, barang dsb; ~ *isian* Id surat yg harus diisi, borang; ~ *izin* = ~ *kebenaran* surat yg menyatakan bahawa pemegangnya diberi izin atau kebenaran utk melakukan (memiliki) sesuatu; ~ *jaminan* surat utk menjamin sesuatu (kelakuan baik orang dll); ~ *jemputan* = ~ *undangan* surat utk menjemput orang datang (ke majlis perkahwinan dll); ~ *kahwin* = ~ *nikah* surat pengesahan perkahwinan; ~ *kawat* telegram; ~ *keberatan* Id surat yg menyatakan berkeberatan; ~ *kenalan* surat utk memperkenalkan seseorang dll; ~ *kepercayaan* Id surat yg menyatakan bahawa pemegang surat itu telah dilantik menjadi wakil dll; ~ *keterangan* surat yg memberi keterangan bkn sesuatu; ~ *kiriman* surat yg dikirimkan dgn pos; ~ *kredit* (Eko) dokumen drpd sebuah bank kpd bank lain yg membenarkan pembayaran dibuat kpd penamanya apabila syarat telah dipenuhi, biasanya diperlukan oleh pengeksport sbg bukti kemampuan pengimport membayar beliannya; ~ *kuasa* surat yg memberi kuasa kpd orang tertentu utk mengurus sesuatu; ~ *layang* = ~ *terbang* surat yg tidak diketahui penulisnya (biasanya surat yg mengecam, menyebarkan berita buruk atau berita palsu, dll); ~ *lepas* a) surat cerai; b) surat yg menyatakan sudah diberhentikan drpd jawatan; ~ *mati* surat keterangan tentang kematian; ~ *nujum* surat yg mengandungi hal bintang raksi (bintang dua belas); ~ *paksa* Id surat amaran yg diberikan kpd orang yg tidak membayar cukai; ~ *partikelir* Id surat yg bukan surat urusan kerajaan (bukan surat jawatan); ~ *pas* surat yg mengizinkan pembawanya lalu (membawa sesuatu dll); ~ *pelekat* surat iklan dll yg ditampalkan di mana-mana; ~ *pemberitahuan* surat utk memberitahukan sesuatu

kpd orang; ~ *pemilih* = ~ *suara* Id surat utk memilih (wakil rakyat dll); ~ *pengantar* Id surat yg dikirim bersama barang yg dihantar; ~ *perintah* = ~ *tugas* Id surat yg menerangkan bahawa pembawanya ditugaskan (diperintahkan) utk melakukan sesuatu; ~ *perjanjian* surat yg menyatakan perjanjian yg telah dibuat; ~ *permintaan* = ~ *permohonan* a) surat utk meminta sesuatu drpd pembesar dll; b) surat utk melamar pekerjaan; ~ *pujian* = ~ *puji-pujian* a) surat yg menyatakan kebaikan sesuatu; b) surat yg mengandungi puji-pujian terhadap jasa orang dll; ~ *rantai* = ~ *berantai* surat yg dikirimkan kpd orang dan mesti disalin dan dikirimkan pula kpd orang lain; ~ *rayuan* surat yg mengandungi rayuan (supaya diringankan hukuman, diperkenankan permohonan, dll) kpd pembesar-pembesar dll; ~ *salinan* surat yg disalin dr surat asal; ~ *saman* = ~ *sita* surat yg mewajibkan orang hadir di muka hakim (di mahkamah); ~ *sebaran* = ~ *selebaran* surat yg dibahagi-bahagikan kpd orang ramai (mengandungi pengumuman utk orang ramai dll); ~ *segel* Id surat yg bercap (utk perjanjian dll); ~ *sembah* sl surat tanda tunduk (kpd raja lain); ~ *sumpah* a) surat pengganti surat beranak yg hilang (dikeluarkan oleh kerajaan); b) surat ikrar atau janji yg teguh; ~ *syer* surat yg menandakan seseorang memiliki syer (dlm sesuatu syarikat perdagangan dll); ~ *tanda* surat bukti atau pengakuan (resit, sijil, dll); ~ *tempelan* Id surat pelekat; ~ *terbuka* a) surat yg tidak dimasukkan ke dlm sampul surat; b) surat kpd orang tertentu yg disiarkan di dlm akhbar dll (sbg menyatakan bantahan dll); ~ *tercatat* = ~ *terdaftar* Id surat berdaftar; ~ *titah* surat yg mengandungi titah raja; ~ *tuduhan* surat yg mengandungi tuduhan; ~ *tukar nama* surat yg mengesahkan pertukaran milik (tanah, syer, dll); ~ *ugutan* surat yg mengugut atau mengancam; ~ *ukur* Id surat

yg mengandung pelan tanah serta pelan rumahnya sekali; ~ *uleman* Id surat jemputan; ~ *undi (undian)* a) surat yg berisi nombor utk mengundi; b) tiket loteri; ~ *wakil* surat yg membenarkan pembawanya bertindak sbg ganti orang yg mengeluarkan surat itu; ~ *wasiat* surat yg mengandung pesanan orang yg meninggal; ~ *atas batu* prb sesuatu adat yg terus dipakai selama-lamanya;

bersurat **1.** memakai surat; *para jemputan yg tidak ~ para jemputan* yg dijemput dgn mulut (tidak dgn surat); **2.** ditulis, bertulis; *batu ~ prasasti*;

menyurat **1.** membuat surat: *ia pun mengambil upah ~*; **2.** menulis: *kerjanya ~*; *sebagai ~ di atas air* prb pekerjaan yg sia-sia;

surat-menyurat **1.** saling berkirim surat, berkirim-kiriman surat: *selepas banyak ~ antara London, Calcutta dan Singapura, Tengku Ali pun diberi wang sara*; **2.** perihal tulis-menulis surat, karang-mengarang surat; *kerani ~ kerani* yg mengurus hal surat (di pejabat dll);

menyurati **1.** menulis pd, menulisi; **2.** menulis (mengirim) surat kpd;

menyuratkan **1.** menulis utk: *suratkan hamba cerita ini*; **2.** menulis sesuatu pd: *dirham itu disuratkan nama Raja Iskandar*; **3.** menulis, mencatatkan: *dan hutang hamba suratkan saja dahulu, nanti diselesaikan semuanya*;

tersurat **1.** telah ditulis, tertulis, tercatat: *pembaca tidak tahu akan maksud yg ~ itu*; **2.** telah ditakdirkan: *kalau gerak takdir telah ~, entah hilang anakanda di laut lepas*;

suratan **1.** sesuatu yg disurat, tulisan: *apabila aku lihat akan ~ kitab itu, hairan besarlah aku, sebab belum pernah aku melihat*

surat Melayu yg dibubuh cap; 2. = ~ takdir sesuatu yg telah ditetapkan oleh Tuhan, nasib, takdir, untung malang: *ia datang ke mari bukan kerana hatinya, tetapi kerana nasibnya dan ~; ~ tangan* a) garis-garis (retak) pd tapak tangan; b) suratan takdir;
persuratan perihal tulis-menulis, kepustakaan, kesusasteraan, perpustakaan: *cerita Siti Zubaidah dan Perang China ini telah lama tersiar di dlm ~ Melayu.*

surat II ark bahagian (bab) dlm Quran; □ → □ **surah.**

surati dr kota Surate (di India); *itik ~ sj itik, itik nila (manila), Anas moschata; serati II.*

surat khabar kertas bercetak yg menyiarkan berita dll (umumnya diterbitkan hari-hari), harian;

persuratkhabaran perihal surat khabar, kewartawanan.

surau tempat beribadat (sembahyang, belajar agama, dll), langgar, madrasah; *bagai bertandang ke ~* prb perihal bertandang ke rumah orang yg tidak memberi apa-apa kpd tetamunya, tidak mendapat apa-apa.

suraya; bintang ~ bintang ketika, bintang tujuh.

surcaj (Eko) bayaran tambahan sbg cukai atau denda yg dikenakan di samping bayaran atau harga biasa.

surd (Mat) angka orakan yg tidak boleh dihitung dgn angka genap (hanya lebih kurang sahaja, spt $\sqrt{11}$, $\sqrt{5}$, dll).

surrealis (suréalis) **1.** penulis atau pelukis yg karyanya berunsurkan konsep atau idea surealisme; **2.** berfahaman surealisme: *penulis ~.*

surrealisme (suréalisme) aliran atau gerakan dlm bidang seni dan sastera (dlm 1920-an) yg mementingkan atau memberi tempat kpd unsur-unsur bawah sedar manusia (di luar kenyataan atau realiti).

surrealistik (suréalistik) **1.** berkaitan dgn atau mengikut gaya surealisme: *arca itu bersifat ~ dan mengandungi unsur seni fantasi; 2.* di luar

alam nyata: *drama yg pertamanya ialah 'Bukan Lalang Ditiup Angin' yg menjadikan latarnya ~.*

suren (surén) Jk sj tumbuhan (pokok), surian.

surgeri 1. cabang (ilmu) perubatan yg berkaitan dgn rawatan penyakit atau kecederaan dgn cara memotong atau membuang sesuatu bahagian (organ, sel dsb) badan yg berkenaan, ilmu bedah; **2.** rawatan kecederaan atau penyakit dgn memotong atau membuang bahagian badan berkenaan: *beberapa jenis ~ dilakukan di dlm bidang obstetrik, pergigian dan urologi.*

suri I sj sisir pd alat tenun; ~ *teladan* contoh yg baik (yg patut ditiru).

suri II; *mati* ~ kelihatannya sahaja mati (sebenarnya tidak); *air* ~ Mn air nira yg belum jadi tuak.

suri III raja perempuan, rani; *ibu* ~ ibunda raja; ~ *rumah (tangga)* isteri.

suria = *sang* ~ matahari: *sinar* ~ menerangi sekitar alam; *cakera* ~ matahari berserta cakerawala yg beredar mengelilinginya.

surian I 1. sj tumbuhan (pokok), *Parishia insignis*; **2.** sj tumbuhan (pokok), buah kayu, geronggang semut, kedondong kerut, kerantai (merah), *Santiria laevigata*; **3.** sj tumbuhan (pokok), kerantai (merah), kerati, *Santiria tomentosa*; ~ *batu* sj tumbuhan (pokok) dlm famili Meliaceae, cerana putih, repuh, suntang, *Chukrassia tabularis*.

surian II IB ark sarjan.

surih 1. coret panjang (lurus, bengkok atau melengkung), jalur kecil, garis, gores; **2.** kesan atau jalan yg telah dilalui oleh sesuatu, bekas; ~ *gelombang* jalan yg diikuti oleh sesuatu gelombang; *kertas* ~ kertas nipis yg digunakan utk meniru peta dll yg diletakkan di bawahnya;

bersurih ada garisnya (bekasnya), bergaris, bergores;

menyurih 1. melukis garisan, menggaris, menggores; **2.** melukis peta dgn menggunakan kertas surih (peta asal diletakkan di bawahnya);

menyurihkan membuat garisan, menggariskan, menggaritkan, menggoreskan; ~ *api-api* menggores mancis api; ~ *jalan* a) mencari akal (daya upaya); b) memberi petunjuk (petua); ~ *percakapan* memesongkan perbualan;

penyurihan (Kim) penggunaan bahan (biasanya radioaktif) utk mengesan taburan, perjalanan, atau kedudukan sesuatu unsur, sebatian, struktur, dll dlm sesuatu sistem atau dlm tubuh;

penyurih 1. orang yg melukis peta dll (dgn meniru dr peta yg sedia ada); **2.** (Kim) bahan (biasanya radioaktif) yg digunakan utk mengenal pasti atau mengesan struktur tertentu dlm sesuatu sistem atau dlm tubuh.

surih-surih Pr perhitungan keturunan, salasilah, susur galur.

surin 1. sj tumbuhan (pokok), bengku, ketiau, mayang (medang) ketur, mitis, nyatuh tanjung, pujang, *Ganua motleyana*; **2.** sj tumbuhan (pokok), betis mitis, putat bukit, seminai, *Madhuca utilis*; **3.** sj tumbuhan (pokok), getah sundik, nyatuh, semaram, *Payena havilandii*; **4.** sj tumbuhan (pokok), balam sundik, getah sundik, semaram, *Payena leerii*; **5.** sj tumbuhan (pokok), *Payena obscura*.

suris □ → □ **surih.**

surplus IB kelebihan (hasil dll), lebih, sisa; *daerah* ~ daerah yg berlebih hasilnya.

sursak ark □ → □ **sirsak.**

suruh I perintah (firman, titah) supaya melakukan sesuatu, lwn larangan:
hendaklah kita selalu mengerjakan ~ dan meninggalkan tegah Allah;

bersuruh-suruhan sl utus-mengutus, berkirim-kiriman (utusan, wakil, dll);

menyuruh **1.** memberi perintah supaya melakukan sesuatu, meminta supaya (dilakukan sesuatu), mengarahkan: *tiap-tiap petang apabila saya berehat di serambi itu, kedua-duanya datang dan ~ saya melanjutkan cerita itu*; **2.** memberi perintah supaya pergi (ke), meminta orang pergi (ke), mengirim, mengutus: *dr tadi dia sudah disuruh ke sekolah*;

disuruh, pergi, dipanggil, datang prb perihal seseorang yg patuh menurut perintah; *belum disuruh, sudah pergi, belum dipanggil, sudah datang* prb perihal orang yg arif dan rajin;

menyuruh-nyuruh menyuruh berkali-kali (berulang kali), mendesak-desak (supaya seseorang melakukan sesuatu): *dia menjawab itu spt disuruh-suruh oleh kuasa yg dia tidak tahu dr mana datangnya*;

menyuruhkan **1.** menyuruh mengerjakan, memerintahkan: *ada kira-kira pukul dua belas malam, bangunlah mualim ~ segala kelasi membongkar sauh*; **2.** sl mengirimkan (menghantarkan) ke, menyuruh pergi ke, mengutus: *sultan pun ~ utusan kpd segala raja yg di bawah angin ini*;

tersuruh sudah disuruh; ~ *pd orang yg akan pergi, terimbau (terpanggil) pd orang yg akan datang* prb menyuruh seseorang mengerjakan sesuatu yg sangat diinginkannya;

suruhan **1.** sesuatu yg disuruh, perintah: *orang yg rajin mengerjakan ~ Tuhan itu akan terus ke syurga*; **2.** = **pesuruh** orang yg disuruh; *budak ~ = orang ~ orang yg disuruh-suruh, pembantu rumah, dll*; **3.** = **penyuruh** sl perihal menyuruh, perbuatan menyuruh: *adapun kami ke mari dgn ~ keramat wali Allah*;

suruh-suruhan hamba yg disuruh-suruh;

penyuruhan sl orang yg disuruh: *maka ~ Pangeran Depati itu pun datanglah menyambut Gusti itu;*

pesuruh orang yg disuruh: *wakil seorang ~ telah diutus utk memanggil Pak Amat; ~ Allah Rasulullah, utusan Allah;*

penyuruh 1. orang yg menyuruh; **2.** sl perbuatan menyuruh.

suruh II ark□ → □ **sirih II.**

suruhanjaya badan yg terdiri drpd beberapa orang (yg dilantik oleh kerajaan dll) utk melakukan tugas tertentu;

~ *bebas* badan yg ditubuhkan oleh kerajaan atau Parlimen yg dianggotai oleh orang yg bukan pegawai kerajaan; *S~ Diraja* badan yg ditubuhkan dgn perkenan Yang di-Pertuan Agong utk menyiasat sesuatu perkara, peristiwa dsb secara bebas tanpa pengaruh pihak atasan; *S~ Perkhidmatan Awam* badan yg bertanggungjawab dlm urusan pengambilan, kenaikan pangkat dsb utk kakitangan kerajaan; *S~ Perkhidmatan Pendidikan* badan yg bertanggungjawab dlm urusan pengambilan, kenaikan pangkat dsb utk pegawai pendidikan; *S~ Pilihan Raya* badan yg mentadbirkan pilihan raya; *S~ Sekuriti (Eko)* badan berkanun yg mengawasi pertumbuhan dan perjalanan pasaran modal di Malaysia.

suruk-suruk Br sj serangga (biasanya terdapat di kawasan sawah).

surup I Jk sepadan, layak, patut.

surup II Jw; **kesurupan** dirasuk (hantu dll), kemasukan, kerasukan.

surut 1. kembali (ke asal dll), balik (ke belakang), mundur: *kemudian mereka ~ ke belakang beberapa langkah; ~ kpd bekas isterinya telah rujuk; berlaku ~ dr dihitung kembali dr; pantang ~ pantang mundur; 2.* menjadi berkurang, reda (kemarahan dll), susut: *marahnya yg memuncak-muncak tadi telah ~ dlm sekejap mata; kian larut malam, kian ~ pula pertempuran itu; 3. = air ~ =*

pasang ~ air turun (selepas pasang atau naik): *mereka berjalan-jalan di tepi sungai yg kebetulan sedang* ~; *akan* ~ *airlah gedang, akan lalu jalanlah semak* prb sesuatu perkara yg serba susah (akan diteruskan susah dan akan ditarik kembali pun susah);

menyuruti **1.** menjadikan berkurang, mengurangi, menyusuti; **2.** rujuk dgn isteri (yg telah diceraikan), memulangi;

menyurutkan **1.** menjadikan surut, menarik kembali, memundurkan, mengembalikan, mengundurkan: *pinang akan disurutkan ke tampuk, sirih akan dipulangkan ke gagang*; **2.** menjadikan berkurang, mengurangkan, menyusutkan: *hendaklah disurutkan airnya dahulu barulah boleh dirapah*; **3.** mengurangkan (nyala api dll), meredakan (marah, nafsu, dll): *air yg dijerangkannya tadi sudah menggelegak, lantas disurutkan apinya*; ~ *darah* menenangkan fikiran (hati, perasaan);

tersurut berbalik ke belakang, mundur (undur) ke belakang: *sebentar itu juga ia ~ ke belakang lalu jatuh*;

~ *fikiran* melepaskan niat; ~ *hati* tawar hati.

suryakanta kaca bulat utk melihat sesuatu supaya kelihatan lebih besar drpd yg sebenarnya, kanta, lensa.

susah **1.** perasaan tidak puas hati (kerana sukar, sulit, dll), perasaan tidak senang: *pekerjaan makan gaji itu memang ~ pd mulanya, tetapi kalau sudah biasa kelak menjadi senang*; **2.** tidak mudah (mendapat, mencari, dll sesuatu), sukar, sulit: *masa itu memang ~ hendak membeli kain baju, kalau adapun harganya mahal-mahal*; **3.** = ~ *hati* tidak senang hati, sedih hati, dukacita: *jangan ~, nanti ia akan kembali lagi*; **4.** serba kekurangan, miskin, papa: ~ *dan senang kehidupan kaum keluarga, tidaklah menjadi penghalang kpd budak-budak itu bersuka ria*; **5.** kesukaran, kesulitan: *adalah suatu ~ kepadaku sebab tidak tahu bahasa Hindustan itu*;

bersusah 1. = ~ *payah* = **bersusah-susah** melakukan sesuatu dgn susah payah, berpenat lelah (mengerjakan sesuatu): *Presiden Jamal Abdul Nasir telah ~ payah benar memberitahu dunia luar bahawa dunia Arab bersatu dlm hal itu*; **2.** = ~ *hati* berasa susah hati, berdukacita: *dia berharap mak cik tidak akan ~ lagi*;

menyusahi menjadikan (mendatangkan) susah, mengganggu: *tak usah disusahi aku, bukannya apa-apa, aku cuma pening sahaja sedikit*;

menyusahkan 1. menjadikan (seseorang) susah, menyukarkan, menyulitkan: *aku tidak ada kerja dan itulah yg ~ aku; kanak-kanak kecil tidak perlu disusahkan dgn pengajaran penggunaan imbuhan yg kompleks*; **2.** menjadikan susah (sedih, risau, dll), mendukacitakan, merisaukan: *tak usah menangis, apa pula yg disusahkan*;

mempersusah menjadikan lebih susah: *jangan dibiarkan hati tersandung duka, jangan fikiran dipersusah*;

kesusahan 1. perihal susah, kesengsaraan, kesukaran, kesulitan: *separuh drpd ~ yg dihadapi oleh manusia ialah ~ mencari makanan*; **2.** menanggung susah, kepayahan: *janganlah kamu biarkan pd masa ia dlm ~ atau keuzuran*.

susastera; kesusasteraan 1. seni yg menggambarkan keindahan dgn bahasa (novel, sajak, dll), karang-mengarang, persuratan, seni sastera; **2.** hasil drpd mengarang (menyajak dll); **3.** pengetahuan dlm hal sastera; **4.** karya-karya yg tergolong dlm seni sastera.

susila 1. baik budi bahasanya, beradab, sopan, tertib; **2.** = **kesusilaan** a) adat istiadat yg baik, keadaban, kesopanan: *pergaulan aku dgn kau pd ~ bangsaku tidak menjadi kesalahan*; b) pengetahuan bkn adab: *pendidikan kemasyarakatan dan pendidikan kesusilaan amat erat hubungannya*;

bersusila bersopan santun, beradab, berakhlak.

susilat Jk sj sakit bengkak bernanah pd leher.

suspek (suspék) bp orang yg disyaki melakukan jenayah: ~ *itu berjaya ditahan oleh sepasukan pegawai dan anggota cawangan trafik.*

suspens (suspéns) → **saspens**.

suspensi (suspénsi) IB **1.** penangguhan (sesuatu) utk sementara waktu, penundaan; **2.** pemecatan drpd jawatan utk sementara, pergantungan jawatan (seseorang); **3.** cairan yg mengandungi hancuran drpd benda-benda keras, ampaian.

suster IB **1.** perempuan dr badan kerohanian (Roman Katolik) dan tinggal di biara; **2.** bp jururawat.

susu I 1. buah dada, tetek, kopek; *hujung* ~ = *mata* ~ = *pentil* ~ = *puting* ~ bahagian hujung susu; *ruang* ~ ruang di antara dua buah dada; **2.** = *air* ~ air berwarna putih yg keluar dr buah dada; *binatang* ~ binatang yg dipelihara utk mendapat susu; *kepala* ~ lemak yg kental pd air susu; *kilang* ~ a) kilang tempat memproses susu; b) bahagian badan yg menghasilkan susu; *lapar* ~ mahu susu (anak kecil); **3.** cairan yg menyerupai air susu yg diperoleh dr tumbuhan (pokok getah, tuba, dll): *selepas pokok getah berumur 30 tahun ~nya akan berkurang;*

~ *badan* susu ibu; ~ *(ber)formula* susu tepung yg disediakan mengikut formula khusus utk golongan tertentu spt bayi, ibu mengandung dsb; ~ *bundar* buah dada (perempuan) yg bulat dan cekang; ~ *berlemak* susu asli yg tidak diproses (masih mengandungi lemak aslinya); ~ *bubuk* susu tepung; ~ *cair* sj susu yg agak kental yg dibuat dgn jalan pengewapan dgn tekanan dan suhu tinggi; ~ *ibu* susu dr buah dada; ~ *kaleng* = ~ *kalengan* Id susu yg telah diproses dan diisikan dlm tin; ~ *kopek* = ~ *lanjut* buah dada yg labuh; ~ *macan* bp sj minuman drpd air susu yg

dicampur dgn minuman keras; ~ *pekat* susu yg dipekatkan dan dibubuh gula; ~ *tanpa lemak* susu yg lemaknya telah dikeluarkan; ~ *tepung* sj susu yg diproses menjadi tepung; ~ *tin* susu dlm tin; ~ *di dada tak dapat dielakkan* prb nasib seseorang itu tidak boleh ditolak (baik atau jahat); *air* ~ *dibalas dgn air tuba* prb kebaikan dibalas dgn kejahatan; *spt* ~ *dgn sakar* prb a) dua hal yg bersetujuan benar; b) aturan yg masih tetap berlaku dan dipakai; **menyusu** menghisap susu: *budak itu sudah tidak mahu* ~;

gajah ~ (binaan) atap atau sengkuaip yg bersambung dgn rumah; **menyusui** memberi minum susu kpd: *binatang mamalia* ~ *anaknyanya yg masih kecil*;

menyusukan **1.** menyusui: *mereka menyerahkan kanak-kanak yg baru lahir kpd perempuan lain utk disusukan*; **2.** membiarkan menghisap susu (menyusu);

susuan **1.** yg diberi susu, yg disusui; *anak* ~ a) anak yg masih menyusui; b) anak orang yg disusui; *saudara* ~ saudara kerana menyusui dr perempuan yg sama; **2.** puting susu yg dibuat drpd getah (sbg ganti susu ibu): *yg seorang masih lekat* ~ *di mulutnya*;

penyusuan perihal (perbuatan) menyusui: *pemendekan tempoh* ~ *bayi boleh membahayakan kesihatannya*;

penyusu orang yg menyusui, pengasuh, inang: *Muhammad besar di bawah peliharaan* ~ *nya itu*.

susu II; ~ *rimau* sj kulat, *Polystictus rhinocerotis*.

susu III; ~ *kubung* sj tumbuhan (benalu), *Desmotrichum spp.*; ~ *lopek* sj tumbuhan (rumpai laut yg boleh dimakan), berembang bukit, *Longetia malayana*; *buah* ~ a) sj tumbuhan (pokok), *Chrysophyllum monopyrenum*; b) sj tumbuhan (pokok memanjat), buah belewar, buah selasih, *Passiflora laurifolia*; *bunga* ~ a) sj tumbuhan (pokok renek), bunga cina, susuk ayam, susun kelapa,

Ervatamia coronaria; b) sj tumbuhan (pokok renek), bunga cina, *Gardenia augusta*.

susuh I 1. duri yg besar (pd tumbuh-tumbuhan); **2.** = ~ *ayam* bahagian yg keras lagi tajam pd kaki ayam jantan, jalu; **3.** sj pasak atau baji (utk mengetatkan rasuk, pelancar, dll); **4.** pacu atau taji pd tumit kasut (utk memacu kuda); **5.** sj pengait (dr kayu); **6.** rabung bukit (gunung) yg menganjur.

susuh II; ~ *ayam* sj tumbuhan (pokok renek), susun kelapa, *Tabernaemontana divaricata*.

susuh III; ~ *batu* sj ikan darat, puting beliung, *Hamaloptera spp.*

susuk I 1. bentuk (rupa, wujud), lembaga: *jauh di hadapannya dlm samar-samar ternampak suatu ~ tubuh yg berjalan dgn tergesa-gesa*; ~ *badan (tubuh)* a) bentuk rupa, bangun tubuh; b) bayangan badan; ~ *jijak* sikap dan perawakan; *bulu* ~ bulu yg lembut lagi halus (terdapat pd seluruh badan burung dsb atau di celah-celah bulu yg lebih besar; ~ *ayat* (Lin) bentuk atau susunan ayat; ~ *bahasa* bentuk (gaya) bahasa; **2.** rangka (perahu dll);

menyusuk 1. memasang rangka (rumah perahu dll); **2.** memulai membuat (sesuatu dll).

susuk II 1. sj pasak atau baji (utk mengetatkan rasuk dll), penyemat (baju dll), susuh, tusuk; ~ *igu* pasak utk melekatkan igu; ~ *kondai* = ~ *sanggul* penyemat sanggul; **2.** jarum emas dll yg dimasukkan ke dlm kulit muka dll utk memaniskan rupa; **3.** lubang tempat memasukkan sesuatu (butang dll); ~ *baju* lubang tempat kancing baju; ~ *pelipit* tempat meletakkan geligin (pd alat tenun);

bersusuk 1. memakai susuk, berpasak; **2.** memakai susuk utk pemanis;

bersusuk-susuk, bersusuk-susukan berasak-asakan (kerana terlalu ramai dll);

menyusuk 1. mencucuk, menusuk; **2.** memasukkan jarum emas dll dlm kulit utk memaniskan.

susuk III; susukan Jw sungai buatan, terusan.

susuk IV Jw wang lebih drpd pembayaran (yg dikembalikan), wang kembali, wang penyongsong.

susul; menyusul 1. mengikuti (mengejar) sesuatu yg terdahulu (utk menyaingi atau mendahuluinya): *ia dapat diselamatkan kalau lekas disusul*; **2.** mengikut di belakang, mengekori: *dia masuk ke dlm rumah disusul dr belakang oleh anaknya*; **3.** ikuti (datang) kemudian: *biarlah aku pergi sendirian dahulu, nanti kau dapat ~*; **4.** mengekori, mengikuti jejak: *ia mengambil taksi utk ~ dr belakang supaya dapat mengetahui ke mana abangnya pergi*; **5.** mengikuti, melanjutkan, menyambung, menyertai: *setelah selesai segala pelajarannya Awang Sulung pun dikhatankan, disusul pula dgn mengasah gigi*; **6.** (yg) akan datang, (yg) akan muncul: *dalam musim panas yg ~, batang itu tumbuh memanjang dan mengeluarkan daun*; **7.** menyelidiki atau mengusuli sesuatu (supaya dapat menjumpai sesuatu dll): *kebudayaan orang Thai dapat disusul ke zaman permulaannya*; **8.** menyambung (surat yg terdahulu): *kerana surat yg pertama tidak berbalas, lalu disusul pula dgn surat yg kedua*; **9.** keluar menyambut kedatangan orang, mengalu-alukan, menyongsong: *dia berlari-lari anak turun tangga ~ ibunya yg sedang masuk ke halaman*;

menyusuli 1. menuruti sesuatu yg terdahulu, mengikuti, mengiringi: *tidak lama kemudian kedengaran ia mengangkat takbir yg disusuli dgn bacaan Fatihah*; **2.** mendatangi (mengikuti) kemudian, mengekori: *kata 'ku' dan 'kau' tidak ditulis terpisah drpd kata dasar pasif yg ~nya*; **3.** memberi tambahan, menambahi;

menyusulkan 1. menjadikan (membiarkan) menyusul, membawa pergi dll kemudian, membawa menyusul: *kuminta kpd ayah supaya ayah ~ aku bekerja di kantor residen Ambon ini*; 2. memperikutkan, memasukkan (dlm surat dll) supaya turut, melampirkan (surat dll), menambahkan (sbg keterangan, lanjutan, dll);

susulan 1. sesuatu yg menyusul (datang kemudian dll): *kemudian terdengar ~ siulan bom jatuh bertubi-tubi*; 2. sesuatu yg disusulkan, lampiran, tambahan; 3. = *angin* ~ ark angin yg berlawanan dgn arah perahu dll, angin sakal;

penyusunan perbuatan menyusul.

susun I 1. longgok yg teratur (berlapis-lapis, bertindih-tindih); 2. tingkat, (se)perangkat barang yg bertingkat-tingkat (pinggan, mangkuk, tepen, dll): *ia membeli pinggan se~*; 3. rangkai, untai (sajak); *se~ sajak*; 4. rangkap berlapis (kelopak bunga mawar dll); ~ *atur* cara menyusun dan mengatur sesuatu spt perabot, hiasan dsb dlm sesuatu ruang, taman dsb mengikut pelan yg dikehendaki; **bersusun** 1. berlonggok bertindih-tindih (yg satu di atas yg lain): *beberapa keping atap zink masih ~ di bawah rumahnya*; 2. terletak atau teratur baik-baik (berbaris-baris, berturut-turut, dll): *nama-nama itu harus dicatat ~ menurut abjad*; 3. *kalimat* ~ Id (Lin) dua tiga ayat yg dipadukan menjadi satu; 4. sl berikut, bersusul: *Ahad ~ dgn Isnin*;

bersusun-susun terletak dlm beberapa banyak susun, berlapis-lapis, bertingkat-tingkat: *kereta kelihatan ~ di perkarangan rumah itu; maka segala perahu hulubalang pun tampil, ~ rupanya*;

menyusun 1. meletakkan berlapis-lapis (bertindih-tindih, yg satu di atas yg lain), menaruh berlapis-lapis: *ia sedang ~ buku di atas meja*; 2. mengatur baik-baik, meletakkan beraturan,

merencanakan: *sekarang kami tengah ~ rancangan lima tahun yg kedua*; **3.** mengatur (karangan dll), menggubah: *Antologi Cerita Pendek Sebelum Perang Dunia Kedua, disusun, dikaji dan diberi kata pengantar oleh Ali Hj. Ahmad*;

~ *acara* mengatur acara; ~ *barisan* (pasukan dll) mempersiapkan barisan (pasukan dll); ~ *huruf* mengatur huruf (dlm percetakan); ~ *jari* = ~ *jari sepuluh* menangkupkan kedua-dua belah tapak tangan spt hendak menyembah; ~ *kalimat* Id mengatur kata-kata utk dijadikan ayat; ~ *kamus* membuat (mengarang) kamus; ~ *laporan* (rancangan, undang-undang, dll) membuat laporan (rancangan, undang-undang, dll);

menyusun menyusun sesuatu utk, mengaturkan;

tersusun sudah disusun (diatur, disiapkan) baik-baik atau dgn teratur: *beberapa buah buku ~ rapi di atas meja; kata-katanya ~ indah*;

susunan 1. timbunan (barang) yg bertindih-tindih, longgok yg bertindih-tindih: ~ *batu bata*; **2.** sesuatu yg disusun (diatur dll), sesuatu yg letaknya bersusun: *nama mereka ditulis dlm daftar itu mengikut ~ abjad; jari bagai ~ sirih; ~ buku-buku di dlm almari itu kelihatan kemas dan rapi*;

penyusunan perihal menyusun: *suatu kesempatan utk para peserta mengkaji sendiri tentang ~ dan peranan Bangsa-Bangsa Bersatu; ~ kembali sejarah Malaysia*;

penyusun 1. orang yg menyusun (mengatur, menyediakan sesuatu, dll): *Wilkinson dan ~ kamus lainnya ikut menggunakan perkataan utas dgn pengertian pandai atau tukang dlm kamus mereka; ~ huruf* orang yg kerjanya menyusun huruf (dlm percetakan); **2.** alat utk menyusun.

susun II; ~ *kelapa* a) sj tumbuhan (pokok renek), susuh ayam, *Tabernaemontana divaricata*; b) sj tumbuhan (pokok renek), lada-lada, *Tabernaemontana malaccensis*; c) sj tumbuhan (pokok renek), lada-lada, *Tabernaemontana peduncularis*.

susung I ark□ → **songsong I**.

susung II Kl dekat benar, hampir sekali.

susun lapis pembahagian sesuatu kpd beberapa peringkat kelas, golongan, lapisan dsb: ~ *sosial*;

bersusun lapis terbahagi kpd beberapa kelas, golongan, lapisan dsb yg berlainan: *orang Melayu di peringkat tempatan telah ~, sama ada dr segi status ataupun kelas*.

susup; ~-*sasap* menyorok (masuk) ke sana ke mari: *pengganas yg ditembak itu lari ~ -sasap dlm hutan senduduk*;

menyusup 1. menyorok ke bawah, merayap-rayap di bawah sesuatu: *mereka bergilir-gilir membongkok ~ di antara dua dawai pagar berduri itu; diparang ke bawah melompat ke atas, diparang ke atas ~ ke bawah*; **2.** masuk ke dlm (semak samun, belukar, hutan, orang ramai, dll), merempuh ke dlm: *ia cuba ~ di celah-celah orang ramai yg berpusu-pusu di kaki lima*; **3.** meresap masuk (sampai ke dalam), menyerap: *dingin malam ~ sampai ke tulang*; **4.** masuk dgn bersembunyi-sembunyi atau diam-diam (dlm kalangan musuh dll), menyeludup masuk: *ia ~ sampai ke dlm pertahanan musuh*;

menyusupi 1. masuk dgn cara menyusup: *kerajaan boleh melakukan tindakan ~ pertubuhan sukarela di seberang laut*; **2.** meresap masuk ke, meresapi: *di luar, angin malam bertiup berat, ~ celah-celah dinding*;

menyusupkan 1. memasukkan (menyorokkan) ke bawah atau di celah-celah sesuatu: *ia ~ surat itu ke bawah tilam*; **2.**

menyorokkan, menyeludupkan: *salah seorang drpd mereka berhasil ~ surat kepadaku*; **3.** ki memasukkan sesuatu (ke dlm sesuatu) secara tidak ketara: *maka agak sukar bagi orang itu ~ ajaran agamanya*;

kesusupan kemasukan sesuatu ke dlm (daging dll), kesisipan, kesisiran;

penyusupan perbuatan menyusup atau menyusupkan, penyeludupan: *percubaan mereka dgn melakukan ~ dan serangan-serangan dlm gerombolan-gerombolan kecil ternyata tidak memberi bekas sama sekali*; ~ *kebudayaan Barat dlm Islam*;

penyusup orang yg menyusup masuk (secara diam-diam), penyeludup: *kedua-dua ~ itu tidak bersenjata apabila ditangkap*.

susur I tepi, pinggir;

~ *bantal* tepi bantal pd lintangnya; ~ *daratan* = ~ *pantai* bahagian tepi pantai atau dataran; ~ *kota* tembok kota yg di luar sekali; ~ *tangan* tempat berpegang pd titian dll, selusur; ~ *tangga* tempat berpegang pd tangga, langkan;

menyusur 1. berjalan (belayar dll) mengikut tepi, berjalan (belayar) sepanjang tepi: *mereka belayar dgn perahu ~ pantai Pahang*; **2.** lalu sepanjang (jalan dll), mengikuti (sesuatu jalan, arah, dll): *ia ~ jalan kampung menuju rumah Dewi*; *kajian seterusnya akan ~ arah-arah yg berbeza*;

menyusuri 1. menyusur: *mereka berjalan lambat-lambat ~ pantai*; *mereka berjalan ~ kaki lima*; **2.** ki mengikuti, meneliti: *saya susuri ceramah beliau dgn hati-hati*;

susuran; ~ *tangga* susur tangga;

penyusur; *kapal* ~ kapal yg menyusur pantai (singgah di pelabuhan kecil sahaja).

susur II Jw sugi tembakau, songel, sentil.

susur III ark; **penyusur**; ~ *bayar* pembayaran hutang secara beransur-ansur.

susur IV K1 tidak jauh, dekat, hampir benar.

susur V; ~ *batang* sj ikan darat, *Rasbora einthoveni*.

susur galur salasilah keturunan, asal usul (seseorang atau sesuatu);

menyusur galur menyelidiki asal usul (hal dll), mengusul;

menyusurgalurkan menyusun salasilah keturunan (asal usul seseorang atau sesuatu): *saya akan ~ sejarah pembakuan bahasa Melayu*.

susut I 1. semakin kurang, berkurang (banyak, nilai, dll sesuatu): *harga jentera ini ~ tiap-tiap tahun sebanyak 10 peratus*; **2.** menjadi lebih pendek (kecil dll), mengecut (kain dll), mengerut: *kain jenis ini kurang baik kerana akan ~ apabila dibasuh*; **3.** turun paras permukaannya (air dll), surut: *berapa ~nya paras muka air itu apakala dikeluarkan pelampung dr baldi itu?* **4.** menjadi kurus (badan dll): *anak yg begitu subur badannya sekarang mulai ~; agung ~, pongah masih prb orang berbangsa yg telah turun darjatnya tetapi merasai dirinya masih tinggi juga*;

menyusut menjadi susut, berkurang;

menyusuti menjadikan berkurang, mengurangi: *sejak bercerai dgn Poniem, belum ada tambahan dan kemajuan yg nyata, melainkan ~ yg telah ada*;

menyusutkan menjadikan susut, mengecilkan, mengurangkan: *jatuhnya harga getah telah ~ pendapatan orang kampung*;

susutan (Eko) kemerosotan nilai barang (yg dipergunakan dlm perusahaan atau perniagaan);

kesusutan perihal susut, kekurangan, kemerosotan;

penyusutan perihal menyusutkan (mengurangkan, mengecilkan), pengecilan, pengurangan.

susut II Kl; menyusut menyembunyikan, menyorokkan.

susut nilai 1. (Eko) turunnya nilai barang modal spt mesin dan bangunan kerana telah usang, rosak atau haus; **2.** (Eko) jatuhnya nilai suatu mata wang dlm sebutan mata wang lain; **3.** berkurang atau merosot nilainya (bkn barang, modal dsb): *mesin itu akan ~ setelah digunakan selama beberapa tahun;*

menyusutnilaikan menyebabkan barang, modal dsb susut nilai: *mereka perlu menganggarkan berapa tahun utk ~ harta syarikat.*

susyi sj makanan Jepun berupa nasi bersalut dan diletakkan lauk, terutamanya ikan mentah di bahagian atas atau di dalamnya.

sut I 1. bunyi spt bunyi daun buluh ditiup angin; **2.** sr (seakan-akan siulan) utk menyuruh orang diam.

sut II Id, bp kep suten.

sut III 1. Kd, Kl hujung, penghabisan; **2.** yg penghabisan (terakhir) sekali.

sut IV 1. satu set pakaian luar drpd bahan (kain) yg sama, utk lelaki terdiri drpd seluar dan jaket atau weskot dan utk perempuan terdiri drpd skirt atau seluar dan jaket; **2.** selengkap pakaian Melayu (lelaki dan perempuan) yg sedondon.

sutan Mn 1. gelaran kaum bangsawan: *berapa banyaknya orang Darat yg berbini di sini, jadi menantu S~-S~ dan Marah-Marah;* **2.** awal nama gelaran: *sebenarnya ia bergelar S~ Baginda;*

bersutan; ~ *di mata, beraja di hati* membuat sekehendak hati;

bersutan-sutan berasa megah atau sombong kerana kebangsawanannya.

suten; bersuten Id, bp mengundi (dgn mengadu jari beramai-ramai) utk menentukan siapa yg akan bermain dll dahulu; **sut II.**

sutera **1.** sj benang yg lembut dan halus yg didapati drpd sj ulat; *ulat* ~ sj ulat rama-rama *Bombyx mori* yg mengeluarkan benang sutera; **2.** kain atau cita yg dibuat drpd benang sutera; ~ *kembang* sutera yg bersulam; ~ *buatan* = ~ *tiruan* sutera yg dibuat secara kimia; *jual* ~, *beli mastuli* prb kehilangan yg berharga, mendapat yg lebih baik (lebih berharga); *spt* ~ *dlm lukisan* prb sesuatu yg sudah bagus beroleh darjat atau tempat yg bagus pula.

sutil Jw sj sudip utk membalik-balikkan benda yg digoreng dll.

sutradara Id pemimpin (pengatur) sesuatu lakonan (filem dll), pengarah;

menyutradarakan memimpin (mengatur) sesuatu lakonan (filem dll), mengarah;

penyutradaraan perihal (proses) menyutradarakan (mengarah) sesuatu lakonan, filem, dsb.

sutih Ar atap rumah yg rata yg diperbuat drpd batu dan dilapisi dgn tanah.

sutur (Ubat) **1.** benang, dawai halus dsb yg digunakan utk menjahit luka atau insisi pd bahagian tubuh; **2.** jahitan pd bahagian luka atau insisi selepas pembedahan.

suun C sj makanan spt mihun tetapi lebih halus (biasanya sbg perencah sayur).

suwer (suwér) Kl gelap dan sunyi senyap (kerana ketakutan).

suwir; menyuwir mengoyak halus-halus.

swa- (Sanskrit) *awalan asing* sendiri, mis *swakarya* dan *swalayan*.

swadaya kekuatan sendiri, tenaga (daya) sendiri.

swadesi (swadési) Id gerakan yg menganjurkan atau menggalakkan orang ramai supaya menggunakan barang-barang buatan negeri sendiri.

swakarya hasil kerja atau usaha sendiri.

swalayan perihal (perbuatan) melayani diri sendiri kerana pihak penjual tidak menyediakan atau memberikan khidmat melayani para pelanggan, layan diri.

swapraja Id daerah yg berpemerintahan sendiri.

swasambada Id mencukupi utk keperluan sendiri.

swasenyawa; penswasenyawaan (Bio) penyatuan gamet jantan dgn gamet betina drpd individu yg sama, spt pd sesetengah protozoa, kulat, dll, autogami.

swasraya Id melayani diri sendiri.

swasta yg mengendalikan kegiatan (perusahaan dsb) sendiri, bukan milik kerajaan: *penerbit ~; sekolah ~; syarikat ~;*

menswastakan memindahkan perkhidmatan dan perusahaan yg diurus oleh kerajaan kpd pengendalian pihak swasta (dgn kerajaan memungut cukai drpd keuntungan yg diperoleh), menjadikan swasta (bukan lagi milik kerajaan): *ada rancangan utk ~ beberapa jenis perkhidmatan yg kini dikendalikan oleh kerajaan;*

penswastaan perihal (tindakan) menswastakan (perkhidmatan dan perusahaan kerajaan).

swastika lambang pihak atau kaum Nazi di Jerman.

swatantra Id memerintah sendiri, autonomi.

sweater (swéter) (Tks) pakaian bahagian atas badan yg dibuat drpd benang bulu, gentian buatan dsb yg boleh dipakai di luar sbg jaket, atau dipakai bersama kot.

swiper (dlm perlawanan bola sepak) pemain yg kedudukannya di belakang pemain pertahanan dan membantu pemain barisan pertahanan dan kadang-kadang membuat serangan, libero.

SWT kep Subhanahuwataala: *Allah ~.*

Syaaban bulan yg kelapan dlm tahun Hijrah.

syabah Ar **1.** tidak terang, samar-samar; **2.** iras-iras, hampir serupa.

syabas sr kata utk menyatakan bagus (baik dll): *masing-masing bangun menjongkok menghulurkan tangan mengucapkan ~.*

syabi Ar (baju) kemeja.

syabu sj dadah berbahaya berbentuk kristal yg digunakan terutamanya sbg perangsang (menyebabkan pengambilnya bertenaga, agresif, tahan berjaga dsb) dan boleh menyebabkan ketagihan sehingga boleh merosakkan sistem saraf pusat.

syaddah Ar tanda utk menyatakan bunyi berangkap (dlm tulisan Arab), sabdu.

syafaat Ar kelebihan yg dikurniakan Allah kpd Rasulullah SAW utk menolong umatnya di padang mahsyar kelak: *barang pintanya dikabulkan Allah SWT dgn berkat ~ Nabi Muhammad SAW.*

syafak Ar awan-awan merah di langit (waktu maghrib).

syafakat Ar belas kasihan, simpati.

Syafii; *mazhab* ~ satu drpd empat mazhab yg teraku dlm agama Islam (didirikan oleh Imam Syafii).

syagar ark gula; → **sakar I.**

syah 1. raja, baginda; ~ *alam* sl raja segala alam; ~ *alam di rimba* gelaran kpd pelanduk; **2.** raja (dlm permainan catur).

syahadah Ar **1.** ark (surat) pengakuan, sijil, ijazah: *Shafik Afandi mempunyai ~ Al-Bakaluria*; **2.** syahadat.

syahadan kata yg biasa dipakai pd permulaan cerita atau bab, selanjutnya ..., lalu ...: ~ *datanglah kpd suatu hari, maka gajah itu pun sampailah.*

syahadat Ar **1.** kesaksian, pengakuan; **2.** = *kalimah* ~ kalimah pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh-Nya; **3.** sijil, ijazah, syahadah;

bersyahadat **1.** mengucapkan kalimah syahadat: *Ali mesti bertaubat atas kesalahannya dan ~ semula*; **2.** = anak tidak ~ anak di luar nikah, anak haram;

pensyahadatan perbuatan bersyahadat: *upacara ~ beramai-ramai.*

syahbandar pegawai yg mengetuai pentadbiran pelabuhan, ketua pelabuhan; *Datuk S~* gelaran salah seorang Orang Besar Berempat di Pahang.

syahda Ar → □ **syahdu.**

syahdu elok, cantik, manis, (yg) mulia atau terutama: *malam yg ~;*

kesyahduan keadaan (sifat) syahdu, kemuliaan: *~ malam itu begitu mendamaikan hatinya.*

syahid Ar **1.** saksi (yg menegakkan atau mempertahankan kebenaran agama Islam), orang yg mati kerana agama Islam, mati dlm perang sabil: *perlawanan itu berakhir dgn ketiga-tiga orang pihak Quraisy telah terbunuh dan seorang drpd pihak Islam telah ~*; **2.** ark mati berdarah (terbunuh): *setelah Raja Rekan merasai luka itu maka ditikamnya Sultan Abu Shahid, maka baginda pun mati ~lah;*

kesyahidan keadaan syahid: *~ al-Hallaj yg luar biasa apabila melukiskan mistik.*

syahmat raja telah terkepung (dlm permainan catur).

syahmura sl sj senjata.

syahwat Ar keinginan (utk melakukan persetubuhan), nafsu bersetubuh, keberahian.

syair **1.** sj karangan bersajak (tiap-tiap rangkap terdiri drpd empat baris yg sama bunyi hujungnya): *~ Burung Pungguk*; **2.** sajak, puisi;

bersyair **1.** (sedang) menggubah syair; **2.** membaca syair dgn berlagu: *ramai orang yg mengambil bahagian dlm peraduan bersyarah, bersajak, dll;*

mensyairkan ark **1.** mengarang syair; **2.** membaca syair dgn berlagu, melagukan syair;

pensyair penyair;

penyair orang yg mengarang syair (sajak), pujangga.

kepenyairan segala hal yg berhubungan dgn penyair: *nilai tradisi yg teguh dgn keagamaan dlm tingkat-tingkat ~.*

syairi sj karangan bersajak, puisi.

syaitan sj makhluk halus yg jahat (menggalakkan orang membuat kejahatan dsb);

kesyaitanan spt syaitan: *ia bersifat menghina manusia yg korup dan bersifat ~; □ → □setan.*

syajar; ~ *khuldi* Ar sj pokok di syurga (siapa yg memakan buahnya akan hidup kekal).

syajarat Ar pokok.

syak rasa kurang percaya (kurang yakin), curiga, sangsi, waswas, dsb; *menaruh ~* tidak mempercayai, mencurigai; *tidak ~ lagi* yakin benar, tentu;

~ hati kurang percaya, curiga; *~ sangka* = *~ wasangka* rasa tidak percaya, sangsi; *~ walang* susah hati, khatir;

~ fasik, yakin soleh, batu jadi juadah prb jangan banyak sangka, bekerja dgn yakin kerana dgn keyakinan sahaja maksud akan tercapai;

mengesyaki **1.** menaruh syak pd, berasa sangsi pd, mencurigai: *ia mula ~ Marina; Hilmi ~ sesuatu yg buruk sedang berlaku;* **2.** menyangka, menduga: *Kamal disyaki lari mengikut Komunis.*

syakar sl gula; □ → **sakar I.**

syakduf Ar tempat duduk (di belakang unta), pelana unta; □ →

□ **sekedup**.

syakhsi Ar ark perseorangan, peribadi (sendiri).

syal I 1. sj jubah yg tidak berlengan; **2.** sj selendang, mafela.

syal II (Geo) sj batu lembut yg terjadi drpd tanah lumpur dll yg mengendap.

syala (Sanskrit); *pohon* ~ sj tumbuhan (pokok), *Artocarpus spp.*

Syam negeri Syria.

syamali Ar utara; *kutub* ~ kutub utara.

syampu 1. cecair bersabun utk mencuci rambut: ~ *berubat*; **2.** sj bahan pencuci khas utk mencuci permaidani dsb;

mensyampu mencuci sesuatu (rambut, permaidani, dsb) dgn syampu: *dia sedang ~ rambutnya*;

pensyampuan kerja-kerja mensyampu.

syamsi Ar matahari; □ → **syamsu**.

syamsiah, syamsiat Ar; *tahun* ~ tahun yg dihitung dgn berdasarkan matahari.

syamsir sl sj pedang.

syamsu Ar matahari; **syamsi**.

syandi sj minuman keras drpd bir yg dicampurkan dgn air halia atau lemoned.

syantung (Tks) sj kain sutera tebal yg permukaannya tidak rata atau berkedut-kedut: *sutera* ~.

syar Ar kejahatan.

syarab Ar sl minuman keras, air anggur.

syarah I Ar keinginan yg kuat terhadap sesuatu (terutama kpd makanan), selera.

syarah II 1. keterangan, huraian, penjelasan, ulasan; **2.** = **syarahan** ceramah, pidato;

bersyarah memberi ceramah, berpidato, berucap: *ia hendak ~ kpd pengundi-pengundi pd masa pilihan raya;*

mensyarahkan membicarakan sesuatu perkara (dlm bentuk syarahan), menceramahkan: *beliau juga meneliti pemikiran-pemikiran lama Yunani dan ~nya;*

syarahan 1. ceramah, pidato, ucapan: *ia mendengar ~ gurunya dgn tekun;* **2.** pelajaran yg diberikan di universiti, kuliah;

pensyarah 1. orang yg memberikan syarahan (ceramah), penceramah; **2.** guru di universiti, orang yg memberikan kuliah: *saya temui empat orang ~ dan penolong ~ di Jabatan Pengajian Melayu.*

syarah III; syarahan ark penerbitan (surat khabar, majalah, dll), terbitan: *akhbar ~ pagi.*

syarak Ar hukum yg bersandarkan ajaran agama Islam, hukum Islam: *pakaian yg bersih dan suci sebagaimana yg dikehendaki ~; berbuatlah ia suatu pekerjaan yg tidak patut pd ~ dan pd adat iaitu bermain muda.*

syarat 1. tuntutan (permintaan) yg mesti dipenuhi, jaminan, janji: *jika orang yg meminang itu tidak dapat menunaikan tanda bertunang itu, maka segala ~-~ yg telah dipersetujui dahulu dibatalkan;* **2.** segala yg diperlukan (utk mencapai sesuatu yg dimaksudkan dll): *~ yg paling mustahak utk menamatkan perselisihan itu ialah kemahuan dan kesediaan utk berselesai;* **3.** ketentuan (rukun, peraturan, dll) yg mesti dipatuhi: *Islamkah engkau kalau engkau tidak mengikut ~-~ dan undang-undang yg diwajibkan atas seorang Islam?* **4.** bayaran (barang dll) yg perlu kpd guru silat (bomoh dll); *~ mutlak syarat yg tidak boleh tidak dipenuhi;*

bersyarat ada syaratnya, dgn syarat, (dgn) disertai sesuatu syarat, menjadikan (sbg) syarat: *dia sendiri terasa betapa bodohnya dia mengaku kalah tanpa ~ itu;*

mensyaratkan menuntut (meminta) sbg syarat, mengenakan syarat, menjadikan (sbg) syarat: *PBB telah ~ bahawa negara anggota yg tidak membayar hutang sampai tiga tahun dgn sendirinya akan gugur haknya utk mengundi;*

pensyaratan proses mengenakan syarat: *pelbagai disiplin memerlukan ~ yg lain pd ciri sosiologi sastera.*

syarbat Ar → **serbat**.

syariah Ar hukum Islam; *mahkamah* ~ mahkamah yg mengurus perkara-perkara yg bersangkutan dgn hukum Islam; □ → **syariat**.

syariat Ar hukum Islam: *al-Quran ialah sumber pertama drpd ~ Islam;*

mensyariatkan menjadikan sbg syariat, memerintahkan: *disyariatkan azan supaya menyedarkan orang-orang yg lalai supaya berhimpun di masjid bagi menunaikan sembahyang; beliau haruslah mengabdikan diri semata-mata kpd Allah melalui ibadat-ibadat yg telah disyariatkan Allah.*

syarie (syarié) → **syarii**.

syarif Ar bangsawan atau mulia (sebutan utk keturunan Nabi Muhammad SAW yg langsung drpd Husain).

syarifah Ar perempuan keturunan Nabi Muhammad SAW.

syarii Ar **1.** berkaitan dgn syariah: *peguam ~; hakim ~;* **2.** bersandar pd atau mengikut hukum Islam: *mereka tidak boleh menunaikan ibadat puasa atas sebab uzur ~.*

syarik Ar kawan, sahabat.

syarikat **1.** persekutuan, perkumpulan, gabungan; *Amerika S~* negara persekutuan di Amerika Utara; **2.** badan atau institusi perusahaan atau perniagaan (yg dimiliki oleh satu orang atau sekumpulan

orang), perkongsian (dlm perniagaan), firma: *kita bersama memodali perniagaan itu yg dgn sendirinya menjadi sebuah~; anak* ~ syarikat yg sekurang-kurangnya separuh drpd modalnya dimiliki oleh syarikat lain; **3.** persekutuan negara-negara yg menjadi sahabat (dlm peperangan), sekutu;

~ *berhad* syarikat perusahaan atau perniagaan yg tanggungan atau tanggungjawab pemilik-pemiliknya terhadap hutang piutang syarikat berkenaan terhad hanya pd wang dsb yg telah dilaburkan ke dlm syarikat itu; ~ *bersekutu* (Udg) syarikat yg sebahagian kepentingannya dipunyai atau dikawal oleh syarikat lain; ~ *gergasi* = ~ *raksasa*; ~ *induk* syarikat yg memiliki sebuah atau beberapa buah anak syarikat; ~ *kerjasama* koperasi (syarikat); ~ *kewangan* syarikat yg memberikan kemudahan pinjaman kewangan dgn kadar faedah yg lebih tinggi drpd bank perdagangan, terutamanya utk urus niaga sewa beli; ~ *multinasional* syarikat yg beroperasi di beberapa buah negara; ~ *nomini* (Eko) syarikat yg fungsinya memegang dan mengendalikan saham bagi pihak klien atau pemilik sebenar saham berkenaan; ~ *pembuatan* syarikat yg kegiatannya ialah membuat atau menghasilkan barang (di kilang dsb); ~ *perniagaan* syarikat yg kegiatannya mengendalikan perniagaan (jual beli); ~ *perusahaan* syarikat yg menjalankan sesuatu atau beberapa perusahaan (spt pembuatan barang, pengendalian perkhidmatan, dll); ~ *raksasa* syarikat yg amat besar (modalnya, bidang kegiatannya, penghasilannya, tenaga pekerjanya, dsb); ~ *tersenarai* (Eko) syarikat yg saham biasanya disenaraikan di bursa saham dan oleh itu boleh diperniagakan;

bersyarikat **1.** bersama-sama (bersatu, bermuafakat, bergabung) mengerjakan sesuatu (mendirikan pertubuhan dll); **2.** bersekutu, berkawan, bersahabat;

mensyarikati ark bersyarikat dgn, ikut serta, bersama-sama (dlm kesusahan dll);

mensyarikatkan; ~ *Allah* menganggap Allah tidak esa (lebih drpd satu);

persyarikatan **1.** persekutuan, perhimpunan, perkumpulan, persatuan: *p~ Bangsa-Bangsa Bersatu*; **2.** = ~ *dagang* Id perkongsian (dlm perniagaan); ~ *Malaysia* konsep kerjasama antara kerajaan dan swasta supaya pihak swasta akan berjaya dan memberi lebih banyak sumbangan kpd pembangunan negara.

syarpit (Kim) mineral yg mengandungi kira-kira 68.5% uranium.

syatar Ar halaman (buku dll), muka surat.

syaulam sl sj jampi (utk membius).

Syawal bulan yg kesepuluh dlm tahun Hijrah.

syed → **sayid**.

syekh (syéikh) **1.** sebutan kpd orang yg berketurunan sahabat-sahabat Nabi; **2.** sebutan kpd orang Arab (yg berasal dr Hadramaut); **3.** sebutan kpd alim ulama; **4.** = ~ *haji* = ~ *jemaah* orang-orang yg mengurus orang naik haji.

syelek (syélék) **1.** sj bahan berdamar yg berbentuk kepingan nipis dan digunakan utk membuat varnis bagi mengilatkan kayu dll; **2.** varnis yg dibuat dgn melarutkan syelek dlm etanol atau lain-lain yg seumpamanya;

mensyelek menyapu syelek pd sesuatu;

syer (syér) bahagian dlm modal sesuatu perniagaan, saham, sero: *syarikat itu mengeluarkan ~ utk mendapat modal*; ~ *kosong* bp syer yg diberikan kpd seseorang dgn tidak membayar harganya.

syeri (syéri) sj wain berwarna kuning atau perang yg berasal dr Spanyol.

Syiah Ar salah satu drpd dua mazhab terpenting dlm Islam yg menolak tiga khalifah ar-Rasyidin yg awal dan menganggap Saidina Ali sbg pengganti Nabi Muhammad yg sah; *kaum* ~ kaum yg mengasingkan diri drpd kaum Sunah (dlm agama Islam).

syiar Ar lambang kebesaran, keagungan, atau kemuliaan: *hingga sekarang ini, sentiasalah kedengaran suara azan pd tiap-tiap waktu sembahyang, yg menandakan ~ Islam.*

syif **1.** kumpulan yg bekerja (mis di kilang) bergilir-gilir dgn kumpulan lain; **2.** tempoh kerja yg dijadualkan: *minggu depan saya bekerja ~ malam.*

syifa Ar sesuatu yg menyembuhkan penyakit (kerunsingan dsb), penawar: *selawat* ~.

syiling **1.** unit mata wang Inggeris yg bernilai 1/20 paun atau 5 peni; **2.** = *duit (wang)* ~ mata wang yg dibuat drpd logam.

syim kepingan logam, kayu, getah, dsb yg nipis utk memalam sesuatu, sesendal.

syin **1.** huruf ke-13 abjad Arab (mempunyai nilai 300); **2.** huruf ke-14 abjad Jawi.

Syinto agama tradisional masyarakat Jepun.

syirik Ar perbuatan menyekutukan Allah, baik dgn keyakinan, ucapan atau perbuatan, mis percaya adanya kuasa ghaib selain Allah, memuja berhala dsb;

mensyirikkan menganggap Allah itu banyak, menyekutukan (menduakan) Allah;

kesyirikan tahap (darjah) berada dlm keadaan syirik.

syiuh □ → **siuh**.

syogun (Jepun) panglima tertinggi tentera Jepun yg menjadi pemerintah dan lebih berkuasa drpd Maharaja (sehingga tahun 1867).

syok bp **1.** sangat menarik hati (seronok, suka dsb): *~ juga dengar cerita dia;* **2.** sangat tertarik hati: *kata kawan-kawannya Azhar tu ~ pd dia;* *~ sendiri* berasa seronok, puas dsb dgn apa yg dilakukan oleh diri sendiri sahaja tanpa mengira tanggapan, perasaan dsb orang lain; **3.** Id berlagak, berpura-pura.

syor cadangan, anjuran, nasihat, petunjuk, saran: *cadangan atau ~ yg terbaik akan dikira menang;*

mengesyorkan mengemukakan cadangan, mencadangkan, menganjurkan, menyarankan: *dia ~ kpd peguam supaya menyelesaikan perkara itu di luar mahkamah sahaja.*

syot foto (gambar) yg diambil dgn kamera sinematograf.

syubhah Ar kesamaran (kerana tidak jelas hukumnya antara halal dan haram).

syuhada Ar (jamak bagi syahid) saksi (tentang kebenaran agama Islam).

syukur **1.** terima kasih: *kalau abang dapat sembahyang sahaja, aku mengucapkan ~ kpd Tuhan;* **2.** sr untunglah, mujurlah; **3.** beruntung, mujur, bertuah: *saya berasa ~ dapat berjumpa dgn datuk;*

bersyukur berasa syukur, berterima kasih: *sekarang telah nampak kejayaan, ~ aku kpd Tuhan; perempuan dan laki-laki tidak pernah berasa puas dgn apa yg ada, tidak pernah ~;*

mensyukuri mengucapkan syukur (terima kasih) kpd, melakukan sesuatu (berkenduri dll) sbg tanda bersyukur: *orang sudah sibuk di rumah Engku Besar memasak-masak utk kenduri, kerana ~ pernikahannya;*

kesyukuran rasa syukur: *tidak dapat digambarkan lagi kesukaan dan ~ mereka pd ketika itu.*

syumul Ar bersifat menyeluruh dan sempurna: *undang-undang Islam yg bersifat ~ dan universal;*

kesyumulan perihal (sifat) syumul, kesejagatan: *apakah kurikulum yg berjalan telah benar-benar menggambarkan ~ Islam?*

syura mesyuarat (utk mencapai keputusan menurut suara terbanyak): *peranan masjid yg ketiga adalah sbg tempat ~ masyarakat setempat.*

syurah huraian, keterangan, penjelasan;

mensyurahkan menghuraikan, menjelaskan; □ → □ **syarah II.**

syurga = ~ *jannah* = ~ *jannat* alam akhirat (tempat roh manusia yg baik-baik dan banyak membuat pahala ketika di dunia), tempat balasan pahala dan tempat mengecap nikmat Tuhan yg kekal; ~ *dunia* segala rupa kenikmatan (kesenangan, kebahagiaan) di dunia;

kesyurgaan segala yg berkaitan dgn syurga.

syurgaloka sl alam kayangan tempat kediaman Betara Guru.

syuruk Ar waktu terbit matahari.

t I huruf ke-20 abjad Rumi.

t II kep tan (ukuran berat).

ta 1. huruf ketiga abjad Arab (mempunyai nilai 400); **2.** huruf ketiga abjad Jawi; ~ *marbutah* huruf ta di akhir kata tulisan Arab (Jawi) yg boleh menjadi ha besar atau ta.

ta (t□O) 1. huruf ke-16 abjad Arab (mempunyai nilai sembilan); **2.** huruf ke-17 abjad Jawi.

Ta simbol kimia bagi tantalum.

taajal Ar dgn terburu-buru, gopoh-gopoh, lekas-lekas, tergesa-gesa, serta-merta, segera: *jangan ~ kita membinasakan negeri itu.*

taakul Ar hal membuat pertimbangan dan penilaian dgn menggunakan akal, tinjauan akal;

menaakul membuat pertimbangan dll dgn logik: *di dlm buku-buku itu Bacon telah mengemukakan cara ~ menurut kaedah induksi;*

taakulan hasil menaakul;

penaakulan perbuatan menaakul.

Taala Ar maha tinggi (mulia): *Allah ~ Allah Yang Maha Tinggi; Allah Subhanahuwa~ Allah Yang Maha Suci dan Maha Tinggi.*

taaruf Ar perkenalan.

taasub Ar kuat pegangan atau keyakinan yg keterlaluan terhadap sesuatu atau seseorang, fanatik: *mereka sangat ~ dan amat berbangga dgn keturunan dan kaum mereka;*

mentaasubi berlaku taasub kpd atau terhadap: *kamu terlalu ~ kemajuan sehingga terlupa pd insan yg bersaudara denganmu;*

ketaasuban keadaan taasub.

taat 1. sentiasa menurut perintah (tuhan dll), tidak mengingkari (perintah dll), patuh: *Pesuruh Allah menyeru manusia supaya mengenal Allah dan ~ kpd Allah;* **2.** kuat beribadat, soleh: *isteriku ialah wanita yg ~ mengerjakan suruhan agama Islam;*

mentaati berlaku taat kpd, patuh kpd seseorang atau sesuatu, tidak membantah akan, menurut (perintah, peraturan, dll): *mereka akan ~ setiap keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu utk menyelesaikan masalah Malaysia;*

ketaatan 1. perihal taat, kepatuhan, kesetiaan: *mereka sibuk dgn ~ masing-masing kpd raja mereka; 2.* kesungguhan hati terhadap agama, kesolehan;

ketidaktaatan keadaan tidak taat: *oleh sebab kesalahan manusia dan ~nya, cahaya wahyu pertama yg cemerlang itu menjadi kabur.*

taat setia tidak berlaku curang, jujur, setia: *Khalid ~ di bawah perintah ketua baru itu;*

ketaatsetiaan keadaan (tahap) taat setia: *diskriminasi spt ini mempertikaikan ~ mereka sbg individu dan sbg kelompok.*

taazur Ar halangan, rintangan; □ → □ **uzur**.

tab = ~ mandi sj tempat mandi berupa bekas atau takung besar drpd besi (tembikar dll) yg dipasangkan di bilik air.

tabah I □ → □ **tebah I**.

tabah II = ~ hati tidak gentar dan tetap hati, serta terus mencuba dgn penuh semangat dan azam, berani, cekal dsb demi mencapai kejayaan, kecemerlangan dsb: *dia harus ~ menerima cabaran dan dugaan hidup; telah dirasainya miskin dan sengsara, hina dan melarat, semua telah dilaluinya dgn ~;*

bertabah = ~ hati bersikap tabah, berhati cekal;

menabahkan = ~ hati menjadikan tabah hati, memberanikan (hati), menetapkan hati;

ketabahan = ~ hati perihal tabah, keberanian, kecekalan hati, keteguhan hati: *dgn ~ dan keberanian Nabi maka orang Islam telah dapat mencapai kemenangan.*

tabah III 1. sj tumbuhan (pokok), berombong, tentulang, *Timonius penduncularis*; 2. sj tumbuhan (pokok), beras-beras, berombong, merombong, *Timonius walichianus*.

tabak I sj talam atau tetampan.

tabak II Br; **menabak** menikam (dgn lembing dll).

tabal 1. sj beduk atau tabuh yg dipalu ketika raja dinobatkan, nobat; 2. majlis merasmikan (merayakan) penobatan atau kemahkotaan raja: *setelah sudah ~ maka menteri hulubalang sekaliannya menjunjung duli*;

bertabal = *naik* ~ naik takhta kerajaan: *orang besar-besar menjunjung duli pd hari ~*;

menabalkan 1. merasmikan (mengumumkan) menjadi raja, menobatkan: *baginda hendak ~ putera baginda sbg ganti*; 2. sl mengarak (surat dll) dgn upacara, membawa dgn arak-arakan: *maka kata itu ditabalkan dibawanya turun ke perahu*;

pertabalan perihal bertabal;

penabalan perihal menabalkan, penobatan: *diperintahkanlah sekalian menteri dan rakyat menyediakan pancapersada dan berbagai-bagai lagi persiapan utk istiadat ~ itu*.

taban; ~ *balam kuning* = ~ *putih* sj tumbuhan (pokok, menghasilkan getah perca), nyatuh, *Palaquium obovatum*; ~ *bunga* sj tumbuhan (pokok, menghasilkan getah), buah gumai, *Lucuma maingayi*; ~ *ketapang* sj tumbuhan (pokok, menghasilkan getah), *Palaquium oxleyanum*; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok) yg menghasilkan getah), *Palaquium gutta*.

tabar-tabar Jw sj tumbuhan (pokok), setawar, tawar-tawar, *Costus speciosus*.

tabaruk Ar diberkati, berbahagia, selamat, sentosa.

tabas Mn tebas.

tabe (tabé) □ → □ **tabik**.

tabel (tabél) IB daftar (nama, angka, dll) yg disusun dgn teratur, jadual, senarai.

tabela peti mayat, keranda.

tabernakel almari tempat menyimpan kitab agama yg terletak di tengah mazbah dlm gereja Roman Katolik.

tabi Ar pengikut, penganut; ~ *tabiin* golongan selepas *tabiin*.

tabia ark sj gendang kecil.

tabiat 1. budi pekerti, pekerti, perangai, watak: *baginda tiadalah sekali-kali mendengarkan nasihat, kelakuan dia sahaja diperbuatnya, tambahan pula tiadalah sekali-kali menurut ~ ayahanda baginda dahulu*; **2.** perbuatan yg selalu dilakukan, kelakuan, tingkah laku: *memang ~ku membaca dlm hati sahaja*;

bertabiat 1. berperangai, berkelakuan: *mengapakah dia ~ spt itu?*; **2.** bersifat, beresmi: *spirogira ~ spt tumbuh-tumbuhan hijau*.

tabib orang yg ahli dlm hal perubatan dan cara mengubati penyakit (dokter, dukun); *ilmu ~* pengetahuan mengenai ubat-ubatan dan cara mengubati penyakit;

ketabiban 1. ilmu perubatan (kedokteran); **2.** perihal ubat-ubatan dan cara mengubati penyakit.

tabii Ar menurut sifat (keadaan, bentuk) kejadiannya; *ilmu ~* ilmu fizik.

tabiin Ar (jamak bagi *tabi*) pengikut (menurut ilmu hadis, mereka ialah orang yg bertemu dan berguru dgn para sahabat tetapi tidak bertemu dgn Rasulullah SAW).

tabik 1. ucap selamat, salam, selamat (pagi, petang, malam): *maka aku memberi ~ demikian bunyinya, "selamat pagi, tuan"*; **2.** perbuatan menghormati (dgn cara mengangkat tangan dll), hormat, takzim: *jalannya keras, tangannya berpintal membuat ~*; **3.** = **tabik-tabik** minta maaf (ketika melakukan sesuatu), minta izin: *jika kita lalu di*

belakang orang yg sedang duduk, mahulah kita meminta ~ hendak berbuat demikian;

kirim ~ sampaikan salam; minta ~ a) minta maaf (ketika masuk ke tempat keramat dll); b) memberi salam (ketika bermohon diri);

bersitabik Mn mengalu-alukan tetamu dgn memberi hormat;

bertabik hormat-menghormati: *dlm percampuran itu lelaki perempuan tidak ~ lagi;*

menabik **1.** memberi salam; **2.** memberi hormat (dln perbarisan dll), mengangkat tabik: *kemudian kuangkat tangan ~ kpd mereka.*

tabika akronim bagi taman bimbingan kanak-kanak.

tabir **1.** kain dll yg digantung utk menyekat (melindungi dll) sesuatu, tirai: *bilik tempat Mahat itu sama dgn bilik-bilik lain, tetapi di tengah-tengahnya digantung ~ merah muda;* **2.** ki sesuatu yg menutupi (melindungi): *saya tahu apa yg ada di sebalik ~ perjuangannya;*

~ asap asap utk melindungi kapal perang (gerakan pasukan dll); *~ besi* sempadan yg memisahkan negara-negara blok Soviet drpd negara-negara Eropah yg lain; *~-mabir* berbagai-bagai jenis tabir;

bertabir **1.** memakai tabir: *bahagian amben ~, dan di atas tabir itu tersidai pula kain-kain pelekat dan tuala;* **2.** ki bertutup dgn, berselindung, berdindingkan;

bertabirkan menggunakan atau memakai sesuatu sbg tabir, bertiraikan: *kami duduk di sebelah ruang yg ~ bidai buluh;*

menabiri **1.** menjadi tabir pd: *kain yg tebal ~ ruang solat wanita;* **2.** melindungi (dgn), menutupi (dgn): *dia pun ~ dirinya dgn surat khabar; awan larat ~ langit.*

tabla (Muz) sj alat bunyi-bunyian yg berupa sepasang gendang kecil yg mempunyai satu muka dan dipalu dgn tangan, biasanya dimainkan oleh orang India.

tablet (tablét) ubat yg berbiji-biji, pil.

tabligh Ar **1.** perbuatan menyampaikan perintah Allah kpd yg tidak mengetahui atau memberi peringatan kpd yg mengetahui; **2.** sifat wajib yg ketiga bagi Rasulullah SAW;

bertabligh menyampaikan ajaran Islam;

mentablighkan menyiarkan ajaran agama Islam.

tablo **1.** sj lakonan pentas yg menggambarkan sesuatu peristiwa atau kejadian (para pelakornya tidak bergerak); **2.** lakonan pentas yg pelakon-pelakornya tidak bercakap.

tabloid surat khabar yg kecil sedikit saiz halamannya drpd surat khabar biasa (30 cm □ 40 cm), yg lazimnya banyak menyiarkan gambar dgn beritanya tersiar secara sensasi utk menarik minat pembaca.

tabo; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok yg daunnya digunakan utk memerahkan kuku), inai ayam (pacar), keembung, *Impatiens balsamina*.

tabrak Jk; ~-*tubruk* bermacam-macam pelanggaran;

bertabrakan berlanggaran (bertumbukan) dgn;

menabrak **1.** membentur, melanggar, melanda (kereta dll): *masing-masing terus menolak, ~ lalu tersungkur*; **2.** mendatangi utk melawan dll, menyerang;

tertabrak terlanggar (oleh), tertumbuk, terbentur;

tabrakan perlanggaran, tubrukan: *oto dinas itu rosak kerana ~ seminggu yg lalu*.

tabtibau → □ **taptibau**.

tabu I **1.** sesuatu yg dilarang, pantang larang, pemali; **2.** (yg) terlarang, (yg) diharamkan atau ditegah drpd dipercakapkan dsb: *apakah ini suatu isu ~ yg tidak diperbincangkan?*

menabukan menganggap sbg pantang larang.

tabu II; ~ *kayu* sj tumbuhan (pokok), *Crescentia cujete*.

tabuh 1. gendang raya, beduk, geduk (di surau, masjid, istana, dll); ~ *larangan* tabuh di istana raja yg hanya dipalu apabila ada hal-hal yg penting; **2.** alat utk memalu bunyi-bunyian (gong dll): ~ *beduk*; **3.** bunyi beduk (gendang) sbg isyarat: *terdengar ~ panjang tentu ada orang yg meninggal*;
akan dijadikan ~ singkat, akan dijadikan genderang berlebih = utk ~ singkat, utk gendrang panjang prb sesuatu yg tidak dapat digunakan utk sebarang maksud; *lulus ~ perhatian* prb berasa lapang atau senang hati kerana terlepas drpd tugas yg berat dll; *masuk meliang penjahit, keluar meliang ~ prb besar belanja drpd hasil pendapatan; mulut ~ dapat disumbat, mulut orang bagaimana menyumbatnya* prb jika sesuatu rahsia diketahui orang nescaya tersiarlah khabarnya;

menabuh 1. memalu (memukul) tabuh dll: *mereka ~ gendang raya pd tiap-tiap petang Jumaat*; **2.** Pl, bk membuat sesuatu dgn kasar (makan dgn rakus dll);

tabuhan, tabuh-tabuhan segala alat bunyi-bunyian yg dipalu;

penabuh 1. orang yg memalu (memukul) tabuh dll, pemalu; **2.** Kd perbuatan memukul seseorang.

tabuk Br jendela, tingkap.

tabun I; menabun 1. = *tabun-~* naik berkepul-kepul (asap): ... *bersertaan pula bunyi lotong, asapnya naik tabun-~, pelurunya spt kilat panah kelodan memancar-mancar ke sana ke mari*; **2.** membakar timbunan sampah (kayu dll), menghidupkan api unggun: *siapakah yg ~ di kebun itu?*

tabunan timbunan sampah (kayu dll) yg dibakar, api unggun.

tabun II dapat ditembusi cahaya, lut sinar.

tabung I 1. bekas drpd ruas buluh dll (utk menyimpan sesuatu), bumbung: ~ *air*; **2.** bekas yg berbentuk silinder: ~ *gas oksigen*; **3.**

peti atau kotak (utk surat dll); **4.** tempat menyimpan wang (drpd buluh dll), celengan; **5.** sesuatu yg berbentuk bulat torak (dlm enjin dll), silinder; **6.** wang yg dikumpulkan (dgn mengutip derma dll) utk maksud tertentu, dana: *T~ Pertahanan Negara*;

~ *damak* tabung (drpd buluh) tempat menyimpan damak; ~ *darah* badan yg mengumpul dan menyimpan darah (di hospital dll); ~ *didih* sj tabung kaca yg berdinding tebal (digunakan dlm makmal utk mendidihkan bahan cecair); ~ *empar* sj tabung kaca berdinding tebal, kecil, dan digunakan sebagai bekas utk bahan campuran dlm alat pengempar; *T~ Haji* Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji; ~ *kimia* Id = ~ *uji* tabung (bekas berbentuk silinder) drpd kaca utk mengadakan percubaan atau ujian makmal; ~ *madat* sj paip utk menghisap madat; ~ *pekak* tabung wang yg biasanya dibuat drpd buluh; ~ *pemilihan* a) bekas tempat memasukkan lidi yg digunakan sbg ganti surat undi; b) kotak utk memasukkan surat undi; ~ *seruas* ki tidak dapat menyimpan rahsia; ~ *surat* peti surat; ~ *tablet* tabung pil; *tinggal di ~ dituntungkan, tinggal di aweh dikiraikan* prb telah diberikan atau diserahkan semuanya (pengajaran);

menabung menyimpan wang (di bank, dlm tabung, dll): *aku mulai ~ dan ~ terus dan ketika wangku terkumpul delapan rupiah, kubeli sepeda keluaran negeri Belanda*;

menabungkan memasukkan wang dll ke dlm tabung, menyimpan dlm tabung (bank dll): *mereka ~ wang syiling atau ringgit lama dlm tin-tin susu yg ditebuk*;

tabungan **1.** tempat menabungkan wang, celengan (drpd buluh dll); **2.** = *wang* ~ wang yg disimpan, simpanan (wang); ~ *masjid* wang yg dikumpulkan utk keperluan masjid; ~ *pos* (akaun) simpanan wang di pejabat pos;

penabungan perihal menabung wang, penyimpanan wang;

penabung orang yg menabung (wang), penyimpan.

tabung II; ~ *beruk* sj tumbuhan (pokok renek), periuk kera, *Nepenthes spp.*; *bunga ~ jarum* sj tumbuhan (pokok renek), jarum-jarum, nyarum-nyarum, *Ixora pendula*.

tabur I; *padi* ~ Br padi yg ditanam tidak dgn teratur (dicampakkan atau diselerakkan sahaja benihnya);

bertabur 1. = ~ *dgn* = **bertaburkan** disebari (dgn), dihamburi (dgn): *bilik tidur pengantin itu ~ dgn bunga rampai*; **2.** penuh dihiasi (dgn): *di dadanya tersemat bintang yg ~ intan berlian*; **3.** memberikan derma, bersedekah: *hendak tuah ~ urai*; **4.** ki banyak terdapat (kelihatan), berselerak (di merata-rata tempat): *di langit kelihatan bintang-bintang ~ memancarkan cahaya yg muram*; **5.** rintik-rintik, borek: *ayam ~*; **6.** bersongket: *kain ~*; ~-tebar = **bertaburan**;

bertaburan, bertabur-tabur 1. berselerak (di sana sini), berhamburan dan tidak bersusun, berserak-serak: *di hadapannya ~ beberapa keping kad selamat hari raya*; **2.** terdapat (kelihatan) dgn banyaknya: *mereka singgah di pulau-pulau yg ~ di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu*;

menabur 1. menghamburkan supaya berselerak, menyebar (benih dll): ~ *benih padi*; **2.** (kelihatan) dgn banyaknya, bertaburan: *di pinggang perak berlapis, di dada bintang ~*; **3.** Pr mulai terbit buahnya (padi): *padi teman sudah ~*;

~ *budi* berbuat baik (sering kali atau kpd banyak orang dsb), berbudi; ~ *fitnah* membuat fitnah merata-rata; ~ *wang* membuang-buang wang;

menaburi 1. menabur atau menyebar (bunga dll) kpd: *sampai di rumah, Wan Derus ditaburi beras kunyit*; 2. bertabur di: *ejen-ejen Rusia ini ~ kawasan gerakan tentera di Czechoslovakia*;

menaburkan 1. menjadikan bertabur (berselerak), menghamburkan merata-rata, menyebarkan (benih dll): *Najela ~ beberapa kuntum bunga melur; Datuk Ujang ~ benih lagi*; 2. sl membuang (menggugurkan, menyebarkan) banyak-banyak: *segala ulama dan hukma ~ mas dan perak dan permata dan ratna mutu manikam kpd kaki Raja Iskandar*; 3. ki menyebarkan (pendapat dll), memberikan: *kesedihan tidak dapat diatasi dgn nasihat yg sudah berkali-kali ditaburkan; mereka ~ fitnah dgn tujuan utk memecah-belahkan pemimpin dan umat Islam*;

tertabur telah ditabur, terhambur, terselerak (ke merata-rata);

taburan 1. yg ditabur (tertabur); 2. sebaran, serakan;

pertaburan kekerapan terdapatnya sesuatu (penduduk dll) di sesuatu kawasan atau dlm tempoh masa tertentu: *keadaan tidak seimbang dlm ~ kuasa*;

penaburan perbuatan menabur (baja, benih, dll);

penabur 1. orang yg menabur (bunga, benih); 2. alat utk menabur sesuatu (spt baja, benih dsb): *~ baja; ~ benih*; 3. peluru kecil-kecil, kacang-kacang; *habis ~ Palembang tak alah* prb sesuatu usaha yg tidak mendatangkan hasil cuma rugi semata-mata.

tabur II; *~ dol* bahagian puncak tiang layar; *~ peruan* kayu palang tempat menggantung layar tabur; *layar* ~ layar yg dipasang pd puncak tiang layar.

tabut 1. peti perarakan yg dianyam drpd bilah (menyerupai buraq dll) utk memperingati kematian Hassan dan Hussain pd 10 Muharam; *bulan* ~ 1 hingga 10 Muharam; 2. perarakan atau keramaian utk memperingati kematian Hassan dan Hussain dgn membawa tabut:

~ *perjanjian* sj peti berisi batu yg bertulis dgn perintah Tuhan yg diturunkan kpd Nabi Musa.

taci C, bp kakak (perempuan).

tadah I 1. benda yg digunakan utk menampung sesuatu, bekas (spt baldi dll); 2. sesuatu yg digunakan utk mengalas benda lain (spt piring utk cawan dll); 3. perihal menerima barang gelap (curian dll);

~ *air pinang* gigi yg diasah atau dipapas; ~ *cawan* (*gelas, mangkuk*) piring alas cawan (*gelas, mangkuk*); ~ *embun* sikat pisang yg di atas sekali; ~ *kanan* menampung angin yg datang dr kanan (utk membelok ke kiri); ~ *keringat* (*peluh*) kain yg dilekapkan pd sebelah dlm baju; *tukang* ~ orang yg menerima barang gelap dll;

bertadah 1. memakai tadah; 2. menggunakan alas (*lapik*), beralas; 3. = ~ *tangan* (*amin*) mengangkat serta menelentangkan kedua-dua belah tangan (sambil mengucap amin);

menadah 1. menyambut apa yg gugur atau jatuh, menampung: *di atas tergantung beberapa buah tabung dibuat drpd ruas buluh utk ~ tuak*; 2. menerima barang-barang curian (*gelap*); ~ *tangan* mengangkat serta menelentangkan kedua-dua belah tapak tangan;

menadahkan 1. menggunakan sesuatu bekas utk menadah, menampungkan: *Ramli ~ baldinya yg besar itu berhampiran dgn tempayan yg ada di situ*; 2. mengangkat dan menelentangkan (kedua-dua belah tangan spt meminta-minta sesuatu): ~ *tangan*; 3. mengucapkan (*amin* ketika berdoa): ~ *amin*;

tadah sesuatu yg ditadah: *air* ~;

penadahan perihal (proses atau perbuatan) menadah atau menadahkan: ~ *air hujan sering dilakukan semasa musim kemarau*;

penadah 1. sesuatu yg digunakan utk menadah, bekas: *dia membuang abu cerutnya ke ~ abu rokok yg terletak di atas meja;*

2. Id pemain yg menyambut bola dlm permainan kasti.

tadah II; ~ *matahari* sj tumbuhan (pokok), akar fatimah, kacip fatimah, *Labisia pathoina*.

tadah III; *burung* ~ *hujan hijau* sj burung, burung hujan-hujan hijau, *Psarisomus dalhousiae psittacinus*.

tadak Br cacah;

bertadak bertanda pd kawasan tertentu dgn kayu, buluh, dll.

tadarus Ar pembacaan al-Quran yg dilakukan secara berkumpulan dan dibaca bergilir-gilir seorang demi seorang sambil disemak oleh ahli-ahli kumpulan;

bertadarus Ar membaca al-Quran beramai-ramai hingga tamat (biasanya pd bulan Ramadan): *dlm bulan puasa ramai orang pergi ke masjid utk bersembahyang tarawih dan ~.*

tadbir urusan mengelola atau menjalankan sesuatu pejabat (kerajaan dll), tugas menguruskan sesuatu, pemerintahan: *Tuan Kadi itu menjalankan ~nya; mangkubumi wazir yg empunya ~ di dlm negeri Johor Darul Takzim; ~ urus korporat* (Tadb) cara (tindakan atau sistem) mentadbir, mengurus, mengawal selia dsb dasar, fungsi, perjalanan dsb sesebuah organisasi (syarikat dsb) yg dipertanggungjawabkan kpd Lembaga Pengarah;

mentadbirkan mengurus dan menjalankan (pejabat dll), mengelolakan, memerintah: *mereka ini haruslah mempunyai pengetahuan asas utk mengelola dan ~ perpustakaan; baik buruknya pemerintahan sesebuah negeri bergantung pd keadaan pegawai-pegawai yg ~ kerajaan negeri itu;*

tadbiran (sesuatu) yg ditadbirkan: *bumi ~ manusia;*

pentadbiran perbuatan mentadbirkan, pengelolaan, pengurusan, pemerintahan: *dgn adanya pegawai itu, ~ negara tetap berjalan dgn tidak putus-putus;*

pentadbir orang yg mentadbirkan, pengelola, pengurus, pemerintah.

tadi 1. tidak lama sebelum ini, baru sahaja, baru sebentar yg lalu: *siapa yg datang berjumpa dgn kamu ~?* **2.** terdahulu dr ini, yg dahulunya: *kedaulatan Bahasa Kebangsaan dlm tahun 1967 kelak akan membuka peluang-peluang pekerjaan yg ~nya tertutup utk mereka;* **3.** yg telah (baru) lalu: *malam ~; petang ~;* **4.** yg tersebut dahulu, yg baru sahaja disebutkan: *sebagaimana yg dinyatakan di atas ~ orang ini juga tidak mempunyai wang.*

tadika akronim bagi taman didikan kanak-kanak.

tadung I; *ayam ~ ayam yg hitam bulu kakinya;* □ → □ **tedung.**

tadung II ark; **tertadung** tersangkut atau terhantuk kaki pd batu (akar), tersandung: *kakinya ~ pd batu.*

tae kwan do (taé kwan do) sj seni mempertahankan diri.

taf; *kain ~ sj kain sutera.*

tafahus Ar penyelidikan yg teliti, pemeriksaan, pengeledahan;

mentafahus memeriksa dgn teliti, menyelidiki, menggeledah: *setelah ditafahus orang kedapatan suatu surat;*

mentafahusi mentafahus.

tafakur Ar **1.** renungan, perenungan; **2.** perihal merenung memikirkan sesuatu; **3.** pengheningan cipta;

bertafakur 1. bermenung memikirkan sesuatu dgn sungguh-sungguh: *Raja itu diam lalu tunduk ~ sejurus;* **2.** menumpukan segenap perhatian dan fikiran pd sesuatu, mengheningkan cita: *semua orang ~ dua minit, kerana mengingatkan pahlawan-pahlawan kita yg telah gugur;*

mentafakurkan memikirkan (dgn sedalam-dalamnya);

tafakuran sesuatu yg ditafakurkan.

tafeta (tafêta) (Tks) sj fabrik yg berkilat, nipis dan ringan, biasanya digunakan dlm pembuatan pakaian wanita.

tafsil Ar; **mentafsilkan** menghuraikan sesuatu dgn terperinci: ~ perkara yg telah diketahui akal secara umum;

tafsilan huraian atau keterangan kata (kalimah) secara terperinci.

tafsir 1. keterangan dan penjelasan bkn ayat-ayat Quran (kitab suci):

kuselidiki isi Quran sedalam-dalamnya, ~nya kukaji; ahli ~ orang

yg bijak menerangkan maksud atau tujuan ayat-ayat Quran; 2. =

tafsiran keterangan dan penjelasan (maksud ayat dll), kupasan,

ulasan: *ada manusia yg salah ~ menganggap sajak Salim berunsur*

cercaan; berbagai-bagai tafsiran telah diberi terhadap kenyataan

tersebut; juru~ orang yg memberi penjelasan (ulasan dll);

mentafsirkan 1. menerangkan maksud (ayat-ayat Quran): *guru itu*

diminta ~ ayat-ayat Quran yg disebutkannya; 2. memberi

penjelasan (keterangan), mengulas, mengertikan, menjelaskan:

mahkamah mempunyai kuasa utk ~ perkara undang-undang yg

syak dan waham;

tafsiran 1. penjelasan (ayat-ayat Quran), tafsir; 2. hasil

mentafsirkan, pengertian, pendapat;

pentafsiran perihal (perbuatan) mentafsirkan (sesuatu);

pentafsir orang yg mentafsirkan, ahli tafsir.

taftah ark□ → □**taf**.

tagak; bertagak-tagak berlengah-lengah (melakukan sesuatu dll),

bertanggung-tanggung: *pihak yg berkuasa janganlah ~ utk*

mengambil tindakan yg tegas terhadap peniaga-peniaga itu;

menagak tidak mengendahkan atau mempedulikan (bahaya dll),

menahan, menentang, menghadapi;

menagak-nagak menahan-nahan (pekerjaan dll), menanggung-nanggungkan;

tertagak-tagak tertahan-tahan (berbuat sesuatu), tertanggung-tanggung.

tagal; Br **setagal** sebentar, sekejap; *nanti se~* nanti sebentar.

Tagalog bahasa rasmi Filipina.

tagan 1. wang (barang dll) yg dipertaruhkan dlm perjudian, pertaruhan: *permata intan dijadikan ~*, *kekasih tidak abang tinggalkan*; **2.**

wang dll yg disumbangkan utk (modal dll) usaha bersama, sumbangan; **3.** gundu (dlm permainan guli, getah, jengkek, dsb);

bertagan 1. Kl bertaruh, berjudi: *di kaki lima ramai orang ~ daun terup*; **2.** Kd berangan-angan, mengira-ngira: *engkau ini belum lagi memulakan kerja itu asyik ~ sahaja*.

tagar I (bunyi) guruh (guntur): *maka sorak orang pun gemuruhlah spt ~ di langit bunyinya*; *bagai ~ di Pulau Sembilan* prb percakapan yg terlalu tinggi lagi sombong;

bertagar berbunyi spt guruh, gemuruh, berdegar-degar.

tagar II Br; **bertagar** berkarat: *pagar besi di tangga rumah itu ~ menyebabkan tangan saya kotor*.

taghut Ar **1.** sifat zalim yg melampaui batas; **2.** syaitan yg mendorong manusia melakukan kejahatan; **3.** nama salah satu berhala kaum Quraisy.

tagih I; menagih 1. menuntut supaya dibayar hutang (sewa, yuran, dll), meminta dijelaskan (hutang dll): *dia sangat berdukacita kerana dua hari lagi tuan rumah datang ~ wang sewa rumahnya*; **2.** menuntut supaya menunaikan janji dll, menggugat: *Rokayah ~ janji minta dibelikan kimono sutera*;

tagihan 1. wang dll yg ditagih, hasil drpd menagih: *tanggal sepuluh datanglah ~ sewa rumah utk bayaran rumah Mariatun;* **2.**

tuntutan (gugatan) supaya menunaikan janji dll: *surat ~ hutang;*

penagihan perihal menagih, desakan supaya membayar hutang dll: *hutang ini ada ~, dan kalau tidak dibayar juga, nanti dituntut di muka pengadilan;*

penagih orang yg menagih.

tagih II; ~ *judi* suka (kuat) berjudi; ~ *rokok* suka (kuat) menghisap rokok;

menagih berasa suka (gemar, ingin) benar akan sesuatu, sangat gemar melakukan sesuatu kerana kebiasaan:

menagihkan menyebabkan suka atau gemar benar akan sesuatu: *Islam juga melarang meminum atau mengambil benda yg ~ spt alkohol dan dadah;*

ketagih rasa ingin benar akan sesuatu: *saya, dgn main ekor ini spt ~ candu;*

ketagihan dlm keadaan ketagih: *sejak akhir-akhir ini Pak Jalil sudah ~ surat khabar; ~ dadah (candu, rokok, dll);*

penagihan perihal menagih sesuatu: ~ *dadah di kalangan anak-anak muda sudah agak terkawal sekarang;*

penagih orang yg menagih sesuatu; ~ *dadah* orang yg ketagihan dadah; ~ *televisyen* orang yg ketagihan menonton televisyen.

tagir Mn; **ketagiran** ketagihan.

tagur Kl; **menagur** melempar, membaling.

tah I partikel pd akhir kata (utk menyatakan pertanyaan pd diri sendiri),
gerangan: *apa~ ?; bukan~ ?; mana~ ?; mengapa~ ?*

tah II bp entah (utk menyatakan tidak tahu): *~lah.*

tah III kep tahlil.

tahajud Ar; *sembahyang* ~ sj sembahyang sunat yg dilakukan pd tengah malam, sebaik-baiknya selepas tidur;

bertahajud melakukan sembahyang tahajud: *dia perlu tidur awal utk kelak bangun* ~.

tahak Jk sendawa;

bertahak bersendawa.

tahalul Ar perbuatan mencukur dan menggunting rambut utk melepaskan diri drpd ihram selepas melakukan ibadah haji dan umrah;

bertahalul melakukan tahalul: *bercukur atau bergunting rambut, sekurang-kurangnya tiga helai, kerana* ~.

tahan I 1. tidak berubah keadaannya, tidak lekas rosak (luntur, berubah, dll): *perkakas itu kalau dijaga dgn baik akan* ~ bertahun-tahun; 2. sanggup menderita sesuatu, tabah menanggung (kesusahan dll): *orang kampung tidak* ~ lagi hidup menderita selama-lamanya; 3. dapat menguasai dirinya, betah: *mereka hendaklah* ~ menyimpan rahsia; 4. tidak mudah jemu (kasihan dll), kuat menguasai perasaan, tidak lekas jijik dll: *mana* ~ makan ubi tiap-tiap hari; 5. mencukupi, memadai (pd makanan, bekalan, dll): *beras ini* ~ utk seminggu; 6. tidak roboh (runtuh), kuat: *bahagian hadapannya ditopang dgn dua batang kayu besar supaya* ~ dan tidak tumbang terus; 7. lebih baik, bertambah baik (drpd sakit), sihat sedikit: *semalam Bibah ni demam, ini dah* ~ sedikit;

~ *air* tidak dapat dimasuki atau dirosaki air, kalis air, kedap air; ~ *api* tidak boleh terbakar, kalis api; ~ *besi* (*peluru, tembak*) tidak lut senjata, kebal; ~ *cuci* tidak turun warna (apabila dicuci); ~ *gelombang* (*ombak*) dapat belayar dgn baik (tidak oleng); ~ *harga* tetap harganya (tidak turun harganya); ~ *hati* cekal atau teguh hati; ~ *hina* tidak lekas marah apabila dihina; ~ *kias* tidak lekas menjadi marah apabila disindir; ~ *kulit* Jh tidak lut senjata; ~ *lama* tidak

lekas rusak atau busuk; ~ *lapar* kuat berlapar; ~ *lasak* a) kuat dan cekap membuat kerja; b) teguh, awet (pakaian); ~ *palu* (pukul) tidak sakit jika dipukul; ~ *sabar* sabar, tidak pemaarah; ~ *sesah* tidak turun warna; ~ *tangan* tidak sakit kena pukul; ~ *tonggak* Mn ditanggung oleh tonggak; ~ *uji* a) boleh diuji; b) terbukti kebaikannya (keelokannya dll);

bertahan 1. tidak berganjak (dr tempat atau kedudukannya), tidak undur: *mereka ~ hingga musuh berundur kembali*; **2.** = ~ diri mempertahankan diri (drpd serangan, ancaman): *Folley kelihatan melepaskan tumbukan-tumbukan ringan yg tidak memberi kesan manakala Muhammad Ali ~*; **3.** tidak mahu mengalah, berteguh hati, berkeras hati: *penjudi yg sedang malang nasibnya, kalah dlm perjudian, namun dia ~*; *Makhdum pun terlalu marah mendengar kata Seri Rama itu, lalu pulang, berapa ditahani oleh Bendahara, tiada mahu Makhdum ~*; **4.** mencukupi (utk beberapa lamanya): *kalau kita berhemat, akan ~ juga*; **5.** sl tersekat, terhambat: *barang siapa dapat memamah pohon lontar yg hamba tanam empat puluh itu terus tiada ~ maka hamba berikan Sita Dewi ini*;

~ *larat* = *bertahan-tahan larat* a) mengurangkan kesukaran yg dideritai; b) mempertahankan supaya tahan lebih lama lagi, melambat-lambatkan habisnya sesuatu, menjimat-jimatkan;

menahan 1. tidak membiarkan berlalu (mengalir dll), menghentikan, menyekat: *ada sebuah tandup yg ~ air sungai itu utk digunakan di sawah*; **2.** memberi bersokong supaya jangan rebah (jatuh), menopang, menyangga: *mereka sedang mencacak buluh di kaki tebing sungai itu utk ~nya supaya jangan runtuh*; **3.** melambatkan tangan supaya (bas, kereta sewa, dll) berhenti: *aku ~ bas itu*; **4.** mencegah, mengelakkan atau menjauhkan (penyakit dll): ~ diri drpd diperdaya; **5.** melawan dan memukul mundur

(musuh), menangkis (serangan): *dia pun menyuruhlah membuat beberapa kubu sepanjang-panjang sungai itu akan ~ angkatan dr Sabukit*; **6.** menguasai perasaan (hawa nafsu dll), mengekang: *saya akan mencuba ~ nafsu muda sehingga pengajian saya di universiti tamat*; **7.** tidak memanjangkan (permohonan dll) kpd yg lebih tinggi, tidak disampaikan kpd: *surat permohonannya telah ditahan oleh ketua bahagian*; **8.** tidak membiarkan pergi, tidak membenarkan (masuk, pergi, dll): *kami bertiga telah ditahan di luar dan Said Abu Bakar seorang sahaja yg disuruh masuk*; **9.** memasukkan dlm penjara (utk sementara sahaja), memenjarakan, mengurung: *polis ada kuasa ~ seseorang yg disyaki selama empat belas hari*; **10.** menyekat sesuatu drpd sampai kpd yg berhak, tidak memberikan sesuatu kpd yg berhak: *permintaan isteri utk membeli itu dan ini dan perbelanjaan anak-anak ditahan sedikit*; **11.** menyimpan (utk persediaan dll): *dua karung beras ditahan utk bekalan dlm pelayaran*; **12.** menguatkan diri supaya sanggup menderita dll, menderita: *dia kelihatan terkial-kial ~ kesakitan*;

menahani tidak membenarkan (melakukan sesuatu), menegah, mengekang, merintang: *barang kehendak kamu tiada aku tahani; maka Makhdum pun terlalu marah mendengar kata Seri Rama itu, lalu dia pulang, berapa ditahani oleh Bendahara tiada mahu Makhdum bertahan*;

menahankan **1.** menjadikan tahan; **2.** menggunakan sesuatu utk menahan, menahan dgn: *maka oleh orang tua itu dilambung-lambung lembing itu, ditahankannya belakangnya maka lembing itu mengambul jatuh ke tanah*; **3.** menguatkan diri supaya tahan, menahan: *Nor Hamidah tidak dapat ~ tangisnya*; **4.** menggalang, menyekat, merintang, menahan: *tidak boleh ditahankan kehendak raja*;

mempertahankan **1.** mengikhtiarkan supaya tidak berubah, mengusahakan supaya tetap (kekal): *kaum tua mahu tetap ~ adat yg mendapat kritikan paling hebat drpd kaum muda*; **2.** tidak mahu melepaskan, memegang teguh-teguh: *kemerdekaan yg dicapai itu mesti dipertahankan*; **3.** menjaga supaya tidak terancam (dikuasai orang dll), melindungi, membela: *jika kompeni menyerang Bonjol, serahkan pd kami ~ negeri; ~ diri*;

tertahan **1.** dapat ditahan, tercegah, terhambat, terhenti, tersekat: *maka dilakukan serangan terus-menerus yg tiada ~ oleh musuh; lama dia membiarkan nafasnya ~*; **2.** = **tertahani** sanggup mengekang atau mengawal (perasaan dll), sanggup menanggung (kesakitan dll), sabar: *segala rakyat itu tiada lagi terderita, tiada lagi ~; tiadalah boleh ~ lagi hati saya lalu tertawa besarlah saya; tiadalah patik ~ hawa nafsu segala wujud patik ini*;

tertahan-tahan tidak lancar (langsung), terhenti-henti, terputus-putus: *beliau terus bercerita dgn suara yg ~*;

tahanan **1.** sesuatu yg menahan, halangan, rintangan: *benda itu bergerak terus kerana tidak ada ~*; **2.** simpanan utk masa depan, cadangan, persediaan; **3.** sesuatu yg ditahan (orang, barang, dll): *kerajaan sepatutnya membantu dan memberi layanan baik kpd anak dan isteri orang ~ politik*; **4.** tempat menahan orang, penjara: *saya telah dilemparkan ke dlm ~ selama lapan puluh enam hari*; **5.** perihal menahan (dlm penjara dll): *beliau pernah meletakkan Perdana Menterinya dlm ~ rumah di Kahirah dahulu*;

ketahanan keadaan tahan (kuat), sifat tahan atau keupayaan menanggung (menderita dll) sesuatu, kebetahan (hati), kekuatan (hati);

pertahanan **1.** hal mempertahankan (menjaga supaya selamat dll): *hak ~ tubuh dan harta*; **2.** perihal membela, pembelaan: *sekarang,*

dgn tidak menerima ~ diriku, engkau usir aku dr rumahmu; 3. sesuatu (spt kubu atau benteng) yg digunakan utk mempertahankan diri dll drpd serangan, perihal menjaga keselamatan negeri dll: *kekuatan ~ awam Malaysia akan diperbesar; memperkukuh ~ negara;*

penahanan 1. perbuatan menahan (menangkis), penangkisan; **2.** perbuatan menahan (mengekan), pengekan: *~ hawa nafsu; 3.* perbuatan (tindakan) menahan (permohonan dll); **4.** perbuatan (tindakan) menahan orang (drpd memasuki sesuatu kawasan dsb); **5.** perbuatan (tindakan) menahan (mengurung, memenjarakan, dsb utk sementara sahaja), pemenjaraan, pengurungan: *~ mereka dianggap tidak sah;*

penahan orang dll yg menahan, penyekat, perintang.

tahan II; menahan memasang jerat dll (utk menangkap binatang, ikan, dll): *~ bubu;*

tertahan (sudah) terpasang.

tahan III; *~ turut* tali dr puncak tiang ke bibir perahu (kapal).

tahana I sl darjat, martabat (kebesaran, kemuliaan), taraf;

bertahana bersemayam, duduk.

tahana II 1. Kd, bp; *membuat ~ menderhaka; 2. Kd, Pl, bp menganiaya.*

tahang I pasu besar drpd kayu, tong: *~ minyak.*

tahang II gaung, jurang, lurah, ngarai.

tahap peringkat, tingkat: *pemikirannya sudah sampai ke ~ yg begitu tinggi; sekarang mereka bolehlah dilatih mengarah ke ~ yg lebih tinggi; minyak pelincir yg membawa prestasi enjin ke ~ yg tinggi;*

bertahap ada tahapnya, berperingkat, bertingkat;

bertahap-tahap (dgn) beberapa tahap, tahap demi tahap, berperingkat-peringkat: *projek itu akan dilaksanakan secara ~ dlm tempoh tiga tahun;*

menahapkan membahagikan sesuatu kpd beberapa tahap;
penahapan perihal (proses, perbuatan, tindakan dsb)
membahagikan sesuatu kpd beberapa tahap: *penggolongan dan ~
sastera dlm tulisan beliau.*

tahapan (Sunda) tingkatan, pangkat.

tahar I; bertahar belayar terus (dlm angin, ribut, dll);

menaharkan melayarkan terus (dlm angin, ribut, dll): *ditaharkan
perahunya olang-aling dipalu ombak.*

tahar II; bertahar terbiar, terdedah: *mengapa budak itu ~ di tengah
panas?*

taharah Ar hukum fikah yg berkaitan dgn kebersihan (merangkumi
hukum air, bersuci, najis, dsb), kebersihan.

tahayul Ar 1. hanya rekaan khayalan belaka (sebenarnya tidak ada),
impian sahaja, hanya dlm angan-angan: *meramal-ramal itu
permainan kanak-kanak, ~ orang Melayu;* 2. kepercayaan yg
karut-karut (kpd sesuatu yg sebenarnya tiada): *menurut ~ orang
tua-tua bilamana hari kiamat Kara Eng Data akan pulang
kembali;*

ketahayulan sesuatu yg dipercayai sbg tahayul: *sains tabii
merupakan satu daya yg membebaskan manusia drpd belunggu ~.*

tahbis Ar disucikan (utk keperluan agama Kristian);

mentahbiskan menyucikan atau memberkati (utk keperluan
agama Kristian): *~ paderi; ~ air suci;*

pentahbisan perihal mentahbiskan.

tahfifah Ar sl hadiah, persembahan (kpd orang yg terhormat): *maka Raja
Kida Hindi pun keluarlah menghadap Raja Iskandar dgn segala
persembahannya, drpd ~ yg mulia-mulia dan drpd mata benda yg
ajaib-ajaib.*

tahfiz Ar menghafal (al-Quran); *Institut T~ al-Quran* Institut Menghafal al-Quran.

tahi I 1. hampas makanan dlm perut (manusia, binatang) yg keluar melalui dubur, najis: ~ *anjing*; ~ *kambing*; *najis* atau ~ *itu* *mengandungi benda-benda yg kasar yg tidak dapat diserap oleh tubuh*; **2.** berbagai-bagai hampas, karat, kotoran, sisa; **3.** ki orang yg ketagihan sesuatu (kerana kebiasaan): ~ *judi*;

~ *air* sampah sarap yg mengapung di atas air; ~ *angan* orang yg suka mengelamun; ~ *angin* a) awan tipis yg ditiup angin; b) bp borak, obrol, sembang; ~ *arak* orang yg suka dan kuat minum arak; ~ *besi* karat pd besi; ~ *betina* lelaki yg suka berzina; ~ *bijih* sanga, terak; ~ *bintang* benda yg kelihatan berkilau spt bintang dan melayang di angkasa utk beberapa ketika; ~ *candu* a) kotoran yg melekat pd paip penghisap candu; b) orang yg gemar menghisap candu; ~ *gergaji* serbuk drpd kayu yg digergaji; ~ *gigi* kotoran yg di celah-celah gigi; ~ *hidung* hingus kering dlm hidung; ~ *ketam* sisa kayu yg diketam, tatal; ~ *kikir* serbuk drpd besi yg dikikir; ~ *kuku* kotoran hitam di celah-celah kuku; ~ *lalat* a) tanda hitam bulat pd kulit; b) bintik-bintik hitam pd pakaian; ~ *mata* kotoran pd mata; ~ *minyak* a) kerak minyak (kelapa); b) Jh orang yg suka berbohong; ~ *rokok* orang yg suka (kuat) menghisap rokok; ~ *telinga* kotoran dlm telinga; ~ *tembaga* karat yg melekat pd tembaga, terusi; *tiada terbuangkan* ~ *mata dgn empu kaki* prb aib sanak saudara kita tentu terpikul oleh kita sendiri juga.

tahi II; ~ *angin* sj tumbuhan (lumut), rumput angin, kampur angin, *Usnea spp.*; ~ *anjing* = ~ *asu* = *rumpun* ~ *ayam* sj tumbuhan (herba), ara batu, selasih dandi, *Argeratum conyzoides*; ~ *gigi* sj tumbuhan (pokok kecil), menggading besar, mata gajah, kayu hantu, puding hutan, *Miliosma nitida*; ~ *musang* sj tumbuhan

(pokok renek), mempulih, sepulih, *Fagraea racemosa*; rumput ~ babi sj tumbuhan (rumput), *Adenostemma lavenia*; rumput ~ kerbau a) sj tumbuhan (rumpai), *Fimbristylis miliacea*; b) sj ular, *Coluber radiatus*.

tahi III; ~ ayam sj ikan laut, *Tachysurus thalassinus*.

tahil ukuran berat yg bersamaan dgn a) 1/16 kati atau 37.8 gram (utk barang-barang); b) 16 mayam (utk emas); c) 10 ci atau 3.8 gram (utk candu).

tahir Ar bersih, murni, suci.

tahiyat Ar **1.** penghormatan; **2.** ucapan penghormatan terhadap Allah dan Rasul-Nya semasa duduk dlm solat;
~ *akhir* salah satu rukun solat pd rakaat akhir sebelum salam; ~ *awal* tahiyat yg dibaca pd rakaat kedua, kecuali solat dua rakaat.

tahkik Ar **1.** pengesahan sesuatu kebenaran dgn bukti; **2.** benar, sah, sungguh: *syahadan ~lah Raja Jaafar pergi ke Selangor*; *ahli* ~ ahli sufi;

mentahkikkan **1.** membuktikan kebenarannya, membenarkan, mengesahkan: *kejahatan orang lain yg belum boleh ditahkikkannya itulah dibilang-bilang dan dibesar-besarkannya*; **2.** menyunting sesuatu karya;

pentahkikan proses mentahkikkan sesuatu maklumat: *apabila komputer digunakan, pengesahan dan ~ data, dapat dibuat secara automatik*.

tahkim Ar **1.** perihal melantik hakim, pengangkatan hakim; **2.** keputusan yg dibuat oleh hakim, pertimbangan hakim;

bertahkim memakai hakim (dlm pertelingkahan).

tahlik ark □ → □ **taklik I.**

tahlil I Ar sj zikir kpd Allah dgn mengucapkan kalimah “lailahaillallah” berulang-ulang: *selesai semua doa dan ~, Karim dgn kawan-kawannya mula beredar dr situ;*

bertahlil 1. melakukan tahlil: *kemudian drpd selesai menyempurnakan fardu Isyak lalu ~;* **2.** Id nyanyian puji-pujian (dlm agama Kristian).

tahlil II Ar menjadikan halal perkahwinan antara suami isteri sesudah talak tiga (dgn perantaraan muhalil).

tahmid Ar zikir dgn mengucapkan “alhamdulillah” berulang-ulang;

bertahmid melafazkan tahmid, berzikir.

tahniah ucapan selamat (utk orang yg berkahwin, mendapat anak, naik pangkat, dll): *aku ucapkan ~ atas kejayaanmu.*

tahnik Ar perbuatan memasukkan sedikit benda manis (spt kurma yg telah dimamah) ke dlm mulut bayi yg baru lahir sebelum diberi susu.

tahsil Ar perihal mendapat atau memperoleh, pemungutan hasil (cukai, sewa, dll).

tahsin Ar hal memperelok dan memperindah bacaan al-Quran dr segala aspek spt tajwid, lagu dsb: *beliau pernah menyertai majlis ~ al-Quran anjuran Jabatan Agama Islam.*

tahu I 1. maklum akan keadaan sebenarnya, faham, mengerti: *entah kapal perang atau perompak tiadalah saya ~; kita sudah ~ dahulu bahawa kacang soya yg bertunas atau bercambah itu banyak mengandungi vitamin C;* **2.** kenal (akan, pd), mengenal: *dia tidak ~ saudara-maranya;* **3.** cekap lagi pandai melakukan sesuatu), bijak: *maka sekalian orang pun hairan melihat ~ Seri Dewa Raja naik gajah itu;* **4.** mengambil peduli, mepedulikan, mengendahkan: *itu urusan engkau, aku tidak mahu ~;* **5.** sedar akan keadaan sebenarnya, insaf: *anak yg tidak ~ diuntung;* **6.** pernah (melakukan

sesuatu), biasa, selalu: *dlm seratus orang tiada sepuluh yg ~ memakan daging*; **7.** menganggap sudah semestinya: *gurunya ~ siap sahaja segala kerja yg dibekalkannya*;

~ adab beradab; *~ adat* mengerti sopan santun; *~ bahasa* berbudi bahasa; *~ balas* mahu membalas budi; *~ diri* = *~ di untung* sedar akan kedudukan dirinya; *~ senang* mahukan segala-galanya senang; *~ timun* sl pandai menawar minuman yg beracun (mabuk dll); *(tidak) ~ malu* (tidak) ada perasaan malu; *~ sama ~ a)* saling mengerti; b) saling tidak mengganggu; *ambil (mengambil) ~ a)* mengetahui (mendapati); b) mempedulikan; *banyak ~nya* banyak pengalamannya; *bawa (membawa) ~nya sendiri* menurut fikirannya sahaja; *cari (mencari) ~* hendak mengetahui; *terlalu ~* sangat pandai; *~ makan ~ simpan* prb merahsiakan sesuatu hendaklah dgn sempurnanya;

setahu 1. sepanjang (sebanyak) yg dimaklumi: *maka kujawablah dgn ~ku*; **2.** dgn dimaklumi atau disaksikan oleh: *dgn tidak ~nya aku sering pergi ke rumah abangnya*; **3.** bp saya tidak tahu, entah;

tahu-tahu 1. dgn tidak disedari, akhirnya barulah diketahui bahawa, tiba-tiba: *~ tangannya sudah memulas telinga anak itu*; **2.** sl pandai, bijak: *ada suatu perbuatan hikmat, patik peroleh drpd perajurit yg ~*;

bertahu; *unjuk ~* = **bertahukan** Jk memberitahukan kpd;

bertahu-tahu 1. berpura-pura (berlagak) tahu; **2.** Mn (dgn) setahu;

bertahuan sl berkenalan (dgn);

tahu-menahu; *tidak ~ a)* tidak tahu apa-apa: *kami tidak ~ tentang pergolakan dunia*; b) tidak mempedulikan (mengendahkan), tidak ambil peduli: *ia berbuat spt tidak ~ sahaja*; c) tidak kenal-mengenal: *aku persilakan tetamu naik sahaja, tanpa ~ siapa*;

mempertahukan ark mempermaklumkan, memberitahukan;

tertahu sl terkenal, termasyhur: *maka dua puluh hulubalang yg tertahu-tahu mati;*

mengetahui 1. tahu akan, memaklumi: *Mak Konah sendiri masih belum ~ akan hal ini; baru aku ~ akan sebabnya aku dipanggil;* **2.** tahu setelah melihat tanda-tanda atau buktinya, mengenali: *tidak sulit bagi kita utk ~ binatang jenis mamalia ini;* **3.** mendapati, menginsafi, menyedari (akan): *waktu konsert itu habis dan Pri hendak bertepuk kerana gembiranya, barulah diketahuinya bahawa tangan kirinya sudah terkalung oleh tangan kanan Wati;* **4.** mengerti akan, memahami: *kata-katanya masih belum diketahui sepenuhnya oleh masyarakat bahasa Indonesia;*

ketahuan 1. (sudah) diketahui, dikenali: *sejak mula sudah ~ bahawa kau bukan kuli kontrak sembarangan;* **2.** telah didapati, kedapatan, terbukti: *apabila diperiksa ~ pula bahawa si Bidin itu ialah anak Allahyarham Haji Hamdan;* **3.** terang, nyata, jelas: *tidak ~ apa hendak dibuatnya;*

tak ~ Kd tidak siuman;

berketahuan tahu (mengerti) benar, tidak syak lagi, sah: *tiada hambamu tahu kerana tempat Sita Dewi belum ada ~; tidak ~ tidak keruan (menentu), kacau sekali;*

pengetahuan 1. perihal mengetahui, apa-apa yg diketahui: *kisah serong yg dilakukan oleh Datuk ini sedikit sebanyak sampai juga ke ~ orang kampung;* **2.** perihal tahu, kepandaian, kebijakan: *biasanya orang yg ada ~ dlm ilmu sains kurang pula ~nya dlm bahasa Melayu;* **3.** = ilmu ~ segala yg (akan) diketahui atau dipelajari bkn sesuatu: *telah kukuasai ~ tentang falsafah dgn mudah; ~ umum pengetahuan mengenai berbagai-bagai hal;*

berpengetahuan (banyak) mempunyai pengetahuan, berilmu, terpelajar: *~ luas dan peka terhadap alam sekeliling.*

tahu II sj burung, burung tuwu, *Eudynamys scolopacea malayana*.

tahun I 1. jangka waktu (masa) yg lamanya dua belas bulan: *umurnya enam belas ~; berapa ~ kamu tinggal di kampung itu?; 2.* angka yg menyatakan tarikh: *beliau dilahirkan pd ~ 1945; 3.* masa dua belas bulan yg ke... (spt majalah, surat khabar, dll): *Majalah Bahasa ~ yg kedua bilangan satu; 4.* masa dua belas bulan utk ...; *~ buku Id masa utk perhitungan kewangan dlm perniagaan (biasanya dr 1 Januari hingga 31 Disember); 5.* masa selama tumbuh-tumbuhan hidup, musim; *~ jagung masa selama tiga atau empat bulan; ~ akademik* seluruh tempoh masa dlm satu tahun yg digunakan utk pengajian atau kuliah di kolej, universiti, akademi dsb: *Program Sarjana Perubatan adalah satu program lepasan ijazah yg mengambil masa empat ~ akademik; ~ akademik 1997/98; ~ asas (Eko) tahun yg dipilih sbg permulaan bagi pengiraan satu siri nombor indeks, biasanya tahun yg mempunyai ciri normal spt ketiadaan kemelesetan dan inflasi yg tinggi; ~ baru* hari yg pertama dlm satu-satu tahun; *~ belakang Id = ~ depan = ~ hadap(an)* tahun yg akan datang; *~ cahaya (Fiz)* unit jarak yg bersamaan dgn jarak yg dilalui cahaya dlm satu tahun; *~ Dal* tahun yg kelima dlm daur kecil (windu); *~ fiskal* jangka masa dua belas bulan yg diliputi oleh belanjawan sesebuah negara; *~ Gajah* tahun berlakunya peristiwa serangan tentera bergajah pimpinan Abrahah (dr Yaman) ke atas Kaabah, yg bersamaan dgn tahun kelahiran Nabi Muhammad SAW; *~ Hijrah* tarikh yg dikira mulai tarikh hijrah Nabi Muhammad SAW dr Mekah ke Madinah; *~ kabisat = ~ lompat = ~ panjang* Id tahun yg sehari lebih panjang drpd tahun yg biasa; *~ kalendar* tempoh masa satu tahun dr 1 Januari hingga 31 Disember pd tahun yg sama; *~ kamariah = ~ qamari* tahun yg dikira mengikut perjalanan bulan; *~ kewangan a)* jangka masa dua

belas bulan yg pd akhirnya sesebuah syarikat dll menutup akaunnya; b) tahun fiskal; ~ *lalu* tahun yg lepas; ~ *Masihi* tarikh yg dikira mulai dr tarikh lahirnya Nabi Isa as; ~ *syamsiah* tahun yg dikira mengikut perjalanan matahari;

setahun satu tahun; ~ *padi* tempoh lima atau enam bulan; *berumur* ~ *jagung* a) muda sekali; b) ki belum matang (pemikiran dll);

setahun-tahunan sepanjang tahun;

bertahun; *sudah* ~ sudah beberapa tahun yg lalu: *sudah lama* *Leman merantau*, *sudah* ~ *hari yg habis*;

bertahun-tahun beberapa tahun lamanya: *sudah* ~ *lamanya* *Nasir bergaul dgn gadis itu*;

menahun 1. tinggal hingga genap setahun atau beberapa tahun lamanya: *beliau telah menjauhkan diri naik ke Makkatul-musyarrifah lalu duduk* ~ *di sana*; **2.** lama benar: *dia sudah* ~ *di sini*; **3.** lama merana (menghidap penyakit): *dia menjadi korban drpd fungsinya juga dan akibatnya timbul infeksi yg* ~;

tahunan 1. (berlaku atau diadakan) setiap tahun: *salah satu drpd tujuan ibadat haji ialah utk menyatukan umat Islam melalui satu muktamar Islam* ~ *yg berlangsung di tanah suci*; *mesyuarat agung* ~; *penyata* ~; **2.** bp sudah bertahun-tahun.

tahun II Mn; **bertahun** bertanam padi, bersawah;

pertahunan hasil sawah, panen, panen: ~ *rosak binasa, kerana batang padi habis dikerat-kerat tikus sebelum berbuah.*

tahyul □ → □ **tahayul.**

tai I bp tali leher;

bertai memakai tai, bertali leher: *siapakah lelaki yg* ~ *biru kuning itu?*

tai II Kd tal.

taici sj senaman dgn gerak badan yg perlahan-lahan yg pd asalnya diamalkan oleh orang Cina utk menyihatkan badan.

taifah (ta.i.fah) Ar golongan, kaum, suku.

taiga (Rusia) (Geog) kawasan hutan pokok tirus yg terletak di antara kawasan tundra dgn kawasan steppe.

taijin C pegawai yg mengawasi hal ehwal orang Cina.

taik (Sunda); **ditaiki** dinaiki;

ditaikkan dinaikkan; □ → **naik**.

taiko C sj penyakit kusta.

taikong → **tekong I**.

taikun ahli perniagaan yg kaya-raya dan berkuasa: *dia seorang ~ gula dan tepung yg terkenal di wilayah ini.*

taiming bp sombong, besar hati: *jangan hendak tunjuk ~ dan keras kepala.*

tain □ → □ **takyin**.

taip; *mesin* ~ mesin papan kekunci utk menulis huruf, angka, dsb secara mekanikal;

menaip menulis dgn mesin taip: *tatkala dia ~ itu mulutnya kumat-kamit sedang jarinya menekan satu-satu huruf;*

taip-menaip perihal menaip (surat, rencana, dll): *mereka telah menganjurkan suatu kelas trengkas dan ~;*

menaipkan menaip sesuatu utk (kerana);

taipan yg ditaip, hasil drpd (perbuatan) menaip: *membetulkan kesilapan-kesilapan ~;*

penaipan perihal (perbuatan dsb) menaip: *satu cetakan hasil ~ hendaklah dikeluarkan utk semakan;*

penaip orang yg menaip.

tairu (Tamil) susu (kambing atau lembu) yg pekat dan masam.

tais ark tidak bersih, cemar, kotor.

tais liur Br ingin akan sesuatu (biasanya makanan).

taiso (Jepun) ark senaman, gerak badan, gimnastik.

taitut sj burung, burung ceketing, *Lobivanellus indicus astronuchalis*.

taj Ar mahkota; *T~ul-Salatin* mahkota segala raja (tajuk buku); **taju**.

taja; menaja 1. mulai membuat sesuatu anyaman (tenunan): *lain ditaja, lain dianyam; 2.* berbuat sesuatu dr mula, mempelopori sesuatu (gerakan, rancangan, dll): *syarikat perusahaan yg baru ditaja; utk ~ sebuah kampung baru yg seindah pusaka nenek moyang yg ada ini adalah satu perkara yg tidak mudah; ia telah ~ suatu cabang ilmu kaji bumi yg tersendiri yg dinamakan paleontologi; 3.* merancang, mengatur: *aku telah ~ hidupku; 4.* membiayai rancangan radio atau televisyen sbg ganjaran masa tayangan iklan (bkn syarikat dsb): *siaran langsung itu ditaja oleh syarikat Rothmans;*

tajaan sesuatu yg ditaja, apa yg ditaja;

penajaan perihal (usaha, tindakan) menaja: *beliau telah berhubungan rapat dgn ASAS '50 sejak ~nya;*

penaja 1. orang yg menaja, orang yg mempelopori sesuatu: *beliau ialah salah seorang drpd ~ parti tersebut; 2.* syarikat dsb yg menaja sesuatu rancangan radio atau televisyen.

taja jamin (Eko) persetujuan atau tindakan menjamin utk membeli atau menyerap semua terbitan saham yg tidak dapat dijual kpd orang ramai dgn harga yg dipersetujui: *beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis ~ saham syarikat tersebut;*

menaja jamin 1. bersetuju utk membeli semua saham baru yg tidak dibeli orang ramai pd harga yg ditetapkan bersama: *pengurus terbitan akan ~ bon terbitan pd satu kadar faedah yg dipersetujui; 2.* bersetuju utk membiayai kos sesuatu perusahaan (perniagaan

dsb): *projek perumahan yg terbengkalai akan dibangun semula oleh pemaju atau institusi kewangan yg ~ projek itu;*

penajajaminan proses atau hal menaja jamin;

penaja jamin bank, institusi kewangan dsb yg menaja jamin: *beberapa buah bank telah mengambil bahagian sbg ~ saham terbabit.*

tajak sj alat utk mencangkul tanah atau membersihkan rumput di sawah (bendang dll), rimbas: *mereka sedang berhempas pulas menghayun cangkul dan ~, membuat kebun sayur;*
~ kebat Mn cagaran; tiada serik dimakan ~ esok lusa ke bendang juga prb kerana mencari wang (harta) tidak menghiraukan penat atau kesusahan;

menajak merumput dgn tajak, mengerjakan tanah dgn tajak;

penajakan perbuatan (kerja) menajak;

penajak orang yg menajak.

tajalli Ar **1.** tersingkap atau terbuka hijab (bkn sufi, tasawuf); **2.** jelas dan nyata (sesuatu yg ghaib), sudah terang, tidak tersembunyi; **3.** kebenaran yg diperlihatkan Tuhan, wahyu.

tajam I **1.** mudah memotong (mengerat, menghiris, melukai), mudah makan (pisau dll), lwn tumpul: *parang yg ~;* **2.** runcing hujungnya, lancip: *paku yg ~;* **3.** dapat melihat (mendengar, merasai, dll) dgn cepat atau dgn cekap: *dgn menggunakan pendengarannya yg ~ sbg orang gunung, Rijnhaard dapat menggesek biola spt bapanya itu;* **4.** mudah menangkap atau mengerti (akal, fikiran), pintar, cerdas: *~ juga otak budak sekolah menengah ini;* **5.** kelihatan garang atau galak (pandangan, air muka): *ia memerhati dgn pandangan yg ~;* **6.** keras atau pedas (kritikan, teguran, sindiran, dll): *walaupun mulut Mak Siti itu ~ dan perkataannya pedas-pedas, hatinya baik juga;* **7.** boleh menyakiti (sabun, asap, asid, dll), dapat melukai:

walaupun matanya tertutup oleh asap itu tiada sekali juga dikejapkannya, seakan-akan tidak pedih rasanya kena asap yg ~ itu; **8.** menjadi genting, memuncak: *pertelingkahan antara mereka semakin hari semakin ~*; **9.** kuat, berpengaruh: *budi bahasa yg baik ialah satu drpd daya penarik yg ~ bagi pekedai*; **10.** jelas, ketara: *ketidaksamaan taraf sosioekonomi akan memperlihatkan perbezaan yg ~ antara sektor*;

~ akal = ~ fikiran pintar, cerdas; ~ mata lekas dapat melihat; ~ mulut suka mengeluarkan kata-kata yg pedas; ~ pendengaran lekas dapat mendengar;

berapakah ~ pisau parang ~ lagi mulut manusia = keris lembing (pedang) tiada ~, ~ lagi lidah (mulut) manusia prb kata-kata atau percakapan lebih menyakiti hati orang drpd dilukai dgn senjata tajam; yg ~ tumpul, yg bisa tawar prb Mn a) kerana berkat ubat atau doa penyakit sembuh; b) kerana percakapan yg manis sengketa hilang;

menajam menjadi tajam: *keningnya berkerut dan cemas ~ matanya memandang kpd gadis di sisinya itu*;

menajamkan menjadikan tajam: *pensel itu mesti ditajamkan; dia ~ telinga mendengar-dengar ke tengah rumah dan ke dapur*;

mempertajam menjadikan lebih tajam: *pemakaian bahasa setiap hari dgn sendirinya akan ~ perasaan kita terhadap bahasa yg kita pakai; pembacaan yg luas dan mendalam pasti berfungsi ~ pemikiran*; ~ sanding ki membesarkan perselisihan; *adakah duri dipertajam* prb a) orang yg cerdas tidak perlu diberi nasihat lagi; b) musuh tidak perlu diberi pertolongan;

ketajaman hal atau sifat tajam: *ia bertambah kagum dan ghairah memikirkan ~ otak gadis itu*;

penajaman perihal (proses, perbuatan dsb) menajamkan: ~ *mata pisau*.

tajam II; ~ *damak* sj tumbuhan (pokok), cenderai gajah, damak-damak bulu, *Grewia latifolia*; ~ *molek* sj tumbuhan (pokok), takam molek, karaes, *Baccaurea brevipes*.

tajau sj tempayan besar yg dibuat drpd tanah liat (berlapis sj kaca).

tajdid Ar pembaharuan (yg menurut ulama fikah bererti menghidupkan kembali ajaran Rasulullah yg semakin ditinggalkan akibat amalan bidaah).

taji I = ~ *ayam* susuh buatan (drpd besi, tembaga, dll) yg dipasang pd kaki ayam sabungan; ~ *bentuk* taji yg melengkung bentuknya dipasang pd susuh ayam; ~ *golok* taji yg dipasang pd kais ayam (bermacam-macam bentuknya); *berombong* ~ memakai taji (ayam sabungan); *membulang* ~ mengikat atau melekatkan taji pd kaki ayam sabungan; *penggabus* ~ alat tempat memasang taji (pd kaki ayam); *tuntung* ~ hujung taji yg tajam; *spt* ~ *dibentuk* ki bentuk alis atau kening yg cantik; *duduk diambung-ambung* ~ prb perihal seseorang yg senantiasa dlm kerunsingan;

bertaji memakai taji (ayam sabungan); *belum* ~ *hendak berkokok* prb belum berilmu apa-apa sudah hendak mengagungkan diri;

menaji menikam, mencucuk, menusuk dsb dgn taji atau dgn benda tajam: *dia segera berpaling ke belakang utk* ~ *Sang Jebat tetapi ditahan*.

taji II sj tumbuhan (pokok yg kayunya elok utk perabot rumah dan daunnya boleh dibuat ubat), jati bukit, sentada, *Podocarpus neriifolius*.

tajin kanji (utk mengeraskan pakaian);

bertajin berkanji (pakaian);

menajin mengeraskan pakaian dgn tajin;

menajinkan menganji (pakaian).

tajribah Ar percubaan.

taju mahkota; □ → □**taj**.

tajuk I 1. perhiasan kepala yg dibuat drpd emas (perak dll), mahkota, patam, jamang; **2.** perhiasan kepala drpd karangan bunga yg dicacak pd rambut atau pd tutup kepala (mahkota, serban, dll): ~ *bunga cempaka dan bunga cina*; **3.** = ~ *perahu* kili-kili atau pasak pd tepi perahu; **4.** kepala surat (karangan, makalah, dll), judul, mauduk, pokok (percakapan): *belum lagi diberi ~ utk karangan itu; Hilmy mengubah ~ percakapannya;*

~ *berita* a) serangkai perkataan tentang isi sesuatu berita atau cerita yg dicetak besar dan tebal di atas halaman surat khabar dsb; b) ringkasan pendek tentang butir-butir berita penting dlm siaran televisyen dan radio; ~ *dayung* keliti dayung (pd perahu); ~ *mahkota* a) karangan bunga pd mahkota; b) yg tercipta, yg dikasihi; ~ *rencana* induk karangan (dlm majalah, surat khabar, dll); ~ *surat* kepala surat;

bertajuk 1. ada tajuknya, memakai tajuk: *ia memakai seberhana tubuh, berkain pancung, bersebai, berdestar, ~*; **2.** ada judulnya (karangan dll), berkepala: *karangan ini tidak ~*;

menajuk kelihatan menganjur (tinggi), tercacak, terkemuka;

mempertajuk sl memberi bertajuk, memakai tajuk pd: *maka dipertajuk tuan puteri berjerlai-jerlai.*

tajuk II Mn tingkat;

bertajuk bertingkat;

bertajuk-tajuk bertingkat-tingkat.

tajun; ~-*menajun* menitik, menitis (air, peluh, dll): *peluh ~-menajun laksana manik berhambur drpd karangannya.*

tajung; *kain* ~ ark sj kain sarung sutera.

tajur I kail besar yg berjoran, semetik, taut.

tajur II ark kelihatan menganjur (memanjang);

penajur deretan yg memanjang (pancang kelong dll).

tajur III Jk sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat ubat sakit perut),
Cherodendron buchanani.

tajwid Ar ilmu (hukum) yg berkaitan dgn lafaz atau sebutan yg betul dan tepat dlm bacaan al-Quran: *Haji Saleh diangkat menjadi guru bahagian ~;*

tak I kep tidak: ~ *kan* tidak akan, tidak mungkin; ~ *apa* a) tidak mengapa; b) tidak ada apa-apa; *acuh* ~ *acuh* tidak ambil peduli; ~ *mboh* Tr tidak mahu: *Meli tak ~ ajak kamu pergi melihat perlawanan bola sepak.*

tak II bunyi spt bunyi orang mengetuk kayu dll dgn batu, bunyi detak.

taka unit mata wang Bangladesh.

takabbur Ar → **takbur**.

takadum Ar martabat (darjat, taraf) yg tertinggi.

takaful Ar insurans yg didasarkan pd atau yg mengikut asas-asas dan hukum-hukum agama Islam.

takah I takik, takuk;

bertakah-takah bertakuk-takuk: *dia terus menuruni tanah bukit yg ~.*

takah II Kd sj kera, kongkang, kera duku, nilung.

takah III Mn **1.** sikap, rupa, tingkah laku: *~nya masih perawan;* **2.** segak, gagah, kacak, tampan: *~ juga rupa orang itu;* **3.** perawakan, tokoh: *~nya akan jadi orang besar;*

menakah ark kelihatan elok dll.

takai; **menakai** mengenal pasti dan memilih binatang dlm sesuatu kawanan yg berpenyakit, lemah dsb utk dibunuh, disingkirkan dsb sbg langkah mencegah pemerebakan penyakit dsb: *beritahu rakan-*

*rakan lain supaya ~ ayam yg didapati lemah dan berpenyakit;
tindakan ~ kambing yg kurang baik seharusnya dijalankan dr
semasa ke semasa;*

penakaian proses (tindakan, perbuatan, usaha dsb) menakai:
*maklumat ini diperlukan utk memudahkan kerja ~ ternakan yg
berpenyakit.*

takak I; *kain (ber)~ sarung yg dibuat drpd dua helai kain yg dijahit
bersambung;*

menakak menjahit dua helai kain menjadikan sarung.

takak II □ → □ **takuk.**

takal alat berupa roda-roda kecil yg diberi bertali atau berantai (utk
mengangkat barang berat), kapi, kerek.

takang; *~-takik* berbagai-bagai takik.

takar 1. sj bekas drpd tembikar (utk menyimpan cuka, halia, dll),
buyung, guri; **2.** ukuran banyak (gelen, liter, dll); *gelas ~ Id tabung
kaca yg bersenggat-senggat utk menyukat benda-benda cair (dlm
ujian kimia);*

setakar ki sama ukuran, seimbang, sekadar;

menakar 1. menyukat (ubat dll) dgn takar, mengukur dgn takar; **2.**
ki mengambil semuanya, membolot: *segala belanja yg dikeluarkan
oleh isterinya hendak ditakarnya;*

takaran 1. alat utk menakar sesuatu; **2.** ki sesuatu yg menjadi
ukuran, kadar;

~ kehidupan perbelanjaan hidup yg mencukupi; *~ sudah hampir
penuh* sudah tua.

takarir Ar catatan di tepi halaman kitab.

takat I; **1.** hingga, sampai: *dalamnya sungai itu ~ pinggang sahaja;* **2.**
had atau peringkat (pd sesuatu ukuran);

~ *beku* = ~ *sejuk beku* had suhu ketika air dll membeku; ~ *didih* had suhu ketika air dll mendidih; ~ *embun* suhu ketika udara lembap menjadi tepu dan membentuk embun apabila bersentuhan dgn sesuatu permukaan; ~ *lebur* suhu ketika suatu pepejal mulai lebur;

setakat sampai had, sehingga: ~ *ini, perbualan mereka terhenti*; ~ *manakah hasil yg didapati drpd pengajaran yg telah diberikan?*;

bertakat-takat bersenggat-senggat, berperingkat-peringkat: *campuran ini dialirkan melalui satu saluran yg ~*.

takat II Jw tidak lekas atau mudah mati, tahan menderita sakit.

takat III Br terumbu.

takau; ~ *rimba* sj burung, burung tukang, tukang besi, *Eurylaimus javanicus*; ~ *selawit* sj burung, burung seluit, *Calyptomena viridis*.

takbir I Ar kalimah mengagungkan Allah dgn menyebut “Allahuakbar” berulang kali: *suara ~ berkumandang pd malam raya*; *membaca ~ melafazkan “Allahuakbar” (berulang-ulang)*; *mengangkat ~ mengangkat kedua-dua belah tangan “Allahuakbar”*;

bertakbir membaca takbir: *suara orang ~ bergemuruh bunyinya*;

takbiran puji-pujian kpd Allah dgn bertakbir.

takbir II Ar huraian menjelaskan sesuatu, makna, penafsiran, takwil (biasanya mengenai mimpi): *puaslah ia memikirkan apakah ~ mimpinya itu*;

mentakbirkan menerangkan atau menafsirkan erti mimpi, mentakwilkan (mimpi).

takbiratulihram Ar ucapan takbir "Allahuakhbar" sambil mengangkat kedua-dua belah tangan hingga ke paras telinga pd permulaan sembahyang.

takbur berperasaan tinggi diri (suka menganggap diri sendiri lebih mulia, lebih pandai, lebih cerdik dsb drpd orang lain), angkuh,

bongkak: *ia sangat sombong dan ~ tentang kecantikan dirinya; Iblis berdendam apabila diusir dr syurga kerana sikap ~ dan bongkaknya yg enggan sujud kpd Adam;*

ketakburan perihal takbur.

takdim Ar pembukaan, pendahuluan (sembahyang).

takdir 1. = ~ Allah = *takdirullah* sesuatu yg ditentukan oleh Allah terlebih dahulu, penentuan drpd Allah, qadak: *suratan ~ di tangan Tuhan;* **2.** ki untung nasib: *jangan berpeluk tubuh sahaja menyerahkan diri kpd ~;* **3.** = ~nya jikalau, seandainya, sekiranya: *~nya terjadi apa-apa kpd diri abang, kpd siapa kami akan bergantung;* **4.** kalau... pun, meski... pun: *~ pun kita tidak membelinya, orang lain akan membelinya;*

mentakdirkan menentukan lebih dahulu (oleh Allah), memutuskan lebih dahulu: *dia telah ditakdirkan mati dgn cara yg dahsyat;*

ketakdiran perihal ditakdirkan (ditentukan), ketentuan (nasib dll): *sesuatu ~ tiada datang dgn tiba-tiba, tetapi ada garis yg dilaluinya; yg ada sekarang ini, menurut fikiranku ialah buatan orang.*

takdis Ar penyucian, pengudusan;

mentakdiskan menyucikan, menyatakan suci.

takeyari (takéyari) (Jepun) ark tombak buluh, buluh runcing.

takhir Ar kemudian, lewat;

mentakhirkan mengemudiankan, melewatkan: *~ sembahyang.*

takhlik Ar; **mentakhlikkan** membentuk, menciptakan, menjadikan.

takhta tempat raja bersemayam;

~ *kerajaan* a) (kerusi, peterana) tempat raja bersemayam, singahsana; b) ki kekuasaan raja, wilayah di bawah pemerintahan

raja; ~ *rawan* tandu utk raja-raja; *naik* ~ menjadi raja; *turun* ~ meletakkan jawatan raja;

bertakhta **1.** = ~ *kerajaan* menjadi raja, memerintah negeri; **2.** berkerajaan di, bersemayam di; **3.** ki berada, berkedudukan: *jiwa besar mesti ~ dlm seluruh kehidupan para pemimpin dan penulis*; **4.** ki bertempat, tersemat: *apa yg sedang ~ di hatinya sekarang ialah cintanya terhadap Azman*;

mentakhtai menduduki (memegang) takhta;

mentakhtakan mendudukkan di takhta kerajaan, menabalkan menjadi raja: *baginda ditakhtakan oleh rakyat menjadi raja negeri itu*;

ketakhtaan perihal naik takhta: ~ *dinasti*.

taki I; **bertaki** berbantah, berbahas, bertengkar: *kadang-kadang sampai merah muka aku ~ dgn kawanku akan sesuatu hal yg tidak aku setujui*;

menaki menentang, membantah;

penaki (orang yg) suka bertaki (berbahas, bertengkar): *aku tidak berani menerangkannya lebih panjang lagi kerana ayahku itu ~ orangnya*.

taki II ark; **bertaki** berjanji.

takik toreh yg agak dalam pd pokok (kulit pokok dll), takuk, gubang: *potongan itu tebal-tebal ~nya*; *takang-~* berbagai-bagai takik;

bertakik-takik ada takiknya di beberapa tempat, bertakuk-takuk;

menakik **1.** melukai sesuatu dgn parang dll, membuat takik (dgn memarang dll), menakuk: *pohon-pohon getah yg ditakik oleh pegganas dahulu masih baru kelihatannya*; **2.** menoreh kulit kayu utk mengambil getah, menyadap: ~ *pokok getah*; ~ *darah di batu* prb Mn meminta pertolongan kpd orang yg tidak mampu;

tertakik menakik atau ditakik dgn tidak sengaja: *jika salah-salah hayun, kapak tergelicir sasaran dan betis pula yg ~;*

takikan 1. hasil drpd perbuatan menakik; **2.** takuk yg dibuat utk memudahkan orang berpijak, takukan;

penakikan 1. perbuatan (kerja) menakik (menakuk), penakukan; **2.** perbuatan (kerja) menakik (menoreh, menyadap), penorehan, penyadapan;

penakik 1. orang yg menakik (menakuk), penakuk; **2.** orang yg menakik (menoreh), penoreh, penyadap.

takipnea (takipnéa) (Ubat) pernafasan yg terlalu cepat dan pendek.

takir Jk bekas air dll (drpd daun pisang, daun kelapa, dll), limas.

takjub berasa aneh atau pelik (kerana melihat atau mendengar sesuatu), hairan, kagum: *Mak Guna tercengang, hairan dan ~;*

menakjubi berasa takjub (hairan) akan, mengagumi;

menakjubkan mendatangkan rasa takjub, mengagumkan, menghairankan: *kesakitan Wira Pati sangat ~ Sang Nata;*

ketakjuban perihal takjub, kehairanan, kekaguman.

takkan singkatan bagi tidak akan.

taklid Ar **1.** pegangan pd pendapat ahli hukum yg muktabar; **2.** percaya bulat-bulat kata orang, menurut (meniru, meneladani orang lain); **3.** = ~ *buta* hanya menurut (mengikut) sahaja;

bertaklid berpegang pd pendapat ahli hukum yg muktabar: *namun bagi golongan awam, mereka memang perlu ~ kpd para ulama atau mereka yg lebih mengetahui;*

bertaklidkan bertaklid kpd: *mereka wajib ~ para nabi.*

taklif Ar penyerahan beban (tugas, pekerjaan) yg berat kpd seseorang.

taklik I Ar perjanjian (kahwin dll) atau pengakuan gugurnya talak dgn janji (spt ke darat enam bulan ke laut setahun, tiada berita, talak gugur dgn sendirinya): *dgn ~ kaum perempuan boleh melepaskan*

dirinya drpd kongkongan suami yg tidak disukainya; hukuman ~ hukuman yg dikenakan dgn perjanjian.

taklik II Ar; **menaklik** membaca dgn teliti, mempelajari.

taklikat catatan di tepi kitab.

taklim Ar perihal mengajarkan agama Islam: *aktiviti pengayaan ilmu ini boleh diadakan di dlm kelas, kelas khas atau semasa ~ selepas atau sebelum kelas amali solat.*

taklimat penerangan ringkas tentang sesuatu perkara;

mentaklimatkan memberikan penerangan atau arahan yg perlu secara ringkas tentang sesuatu perkara: *pengarah akan ~ arahan yg terbaru itu kpd semua staf yg terlibat.*

takluk 1. tunduk kpd (pemerintahan, kuasa, dll), menyerah kalah, mengaku taat: *telah kedengaran ke Benua Siam bahawa Melaka tiada ~ kepadanya;* **2.** kawasan yg masuk dlm sesuatu pemerintahan, jajahan; *jajahan ~ jajahan yg diperintah (ditawan) oleh sesebuah negeri;*

menakluki 1. = menaklukkan menyerang dan mengalahkan serta menguasai (memerintah), menumpaskan dan menguasai, menundukkan: *bangsa Turki ~ Istanbul pd tahun 1453 Masihi; khabarnya konon perang besar menaklukkan Bonjol pun terjadilah;* **2.** ki menguasai: *dgn ini, dongeng-dongeng dgn sendirinya ~ fikiran dan jiwa rakyat supaya taat setia;*

tertakluk 1. telah dikalahkan dan dikuasai, tertawan: *dgn ~nya Mekah bererti ~nya seluruh negeri Arab;* **2.** wajib, patuh kpd, wajib mentaati: *dia ~ kpd Undang-Undang Adat;* **3.** sangat-sangat bergantung pd, terikat pd: *ekonomi kita ~ sangat pd jualan getah dan bijih timah;*

taklukan (orang dll) yg ditaklukkan, tawanan;

penaklukan perihal menaklukkan, penawanan;

penakluk orang yg menakluk.

takma jalinan atau kepang tali (kabel dll);

menakma menjalin atau mengepang (tali, kabel, dll).

takmir Ar amalan (usaha, kegiatan, dsb) menjadikan sesuatu makmur, gilang-gemilang, giat dan digunakan sepenuhnya; ~ *masjid* usaha menjadikan masjid sbg pusat pelbagai kegiatan agama.

takograf alat utk merekodkan kelajuan, masa dan jarak perjalanan sesebuah kenderaan.

takol (Sunda) ark; **menakol** memukul.

takometer (takométer) alat yg digunakan utk mengukur laju putaran enjin, dinyatakan dlm putaran per minit (ppm).

takoyong Br $\square \rightarrow \square$ **ulun**.

takraw = *sepak* ~ sj permainan sepak raga yg memakai jaring, sepak raga jaring.

takrif huraian yg ringkas dan tepat (tentang sesuatu spt makna perkataan dll), penjelasan (bkn sesuatu), penentuan, pernyataan (yg menerangkan), definisi: *dgn ~ ini, dapat kita faham akan perasingan undang-undang dgn moral dan ilmu siasah;*

mentakrif memberi atau membuat takrif (definisi);

mentakrifkan memberi takrif (pengertian dll) tentang, mendefinisikan: *pengarang telah mencuba ~ novel tetapi ternyata bahawa novel itu tidak didefinisikan;*

pentakrifan perihal (perbuatan, cara, dsb) mentakrifkan (sesuatu):
~ *harus dimulai dgn penerangan yg umum ke penerangan yg khusus;*

pentakrif orang yg memberikan takrif tentang sesuatu kata, istilah, dsb (apabila menyusun sesebuah kamus dll).

takrim Ar hormat, penghormatan, pemuliaan: *maka anakanda sambut dgn takzim dan ~.*

takrir Ar pengakuan kebenaran secara lisan.

taksa mempunyai makna yg kabur (menyangsikan, meragukan), boleh menimbulkan lebih drpd satu makna atau tafsiran;

ketaksaan perihal (keadaan dsb) taksa, kekaburan, kesangsian, keraguan, ketidakpastian (bkn sesuatu makna): *adanya imbuhan-imbuhan membantu menghilangkan ~ sesuatu ayat.*

taksi Id taksi;

menaksi bp menaiki taksi, menumpang taksi;

menaksikan 1. menumpangkan pd taksi; 2. memakai kereta (motokar) sbg taksi, menjadikan taksi; **teksis**.

taksidermi seni atau kaedah mengawet binatang dan burung yg telah mati sehingga ia kelihatan seolah-olah masih hidup.

taksir I tidak mengendahkan (pekerjaan dll), kurang ingat-ingat, alpa, lalai: *jangan ~ drpd memeriksai alat rakyatmu supaya sentosa kerajaan engkau; berlepas ~ membebaskan diri drpd kesalahan orang;*

mentaksirkan melalaikan, mengalpakkan.

taksir II kira, hitung, nilai: *~ kasarnya bolehlah didapati dgn mengira bunga biasa dgn kadar 4^{1/2}%; salah ~ salah kira (hitung); kurang ~ hilang laba prb pekerjaan yg dibuat tidak dgn hati-hati akan mendatangkan kerugian;*

menaksir 1. mengira atau menghitung banyaknya sesuatu (harga dll): *ditaksir-taksir Solihin perongkosan yg harus dikeluarkannya;*

2. menyangka, menelah, mengagak, mengira: *penduduk Vietnam Utara ditaksir sebanyak tiga belas juta;*

3. memberi penghargaan (dgn sewajarnya), menghargai, menilai: *dgn jalan itu, penyelidik seni sastera dapat mengenal sesuatu ciptaan dgn lebih baik lagi dan akhirnya dapat ~ nilai ciptaan seni itu;*

4. mengkaji, meneliti: *kita hendaklah ~ semula kedudukan kita yg tertakluk sangat-*

sangat pd getah asli; 5. = naksir ingin memiliki (mempunyai) sesuatu, menghendaki, berkeinginan utk, ada keinginan hendak;

taksiran 1. hasil drpd menaksir, anggaran, penilaian: *belanja atau kerajat yg diluluskan oleh undang-undang negeri ialah cuma 2% drpd ~ harta; 2.* telahan, dugaan, persangkaan: *bila beresnya revolusi ini menurut ~mu? 3.* proses atau cara pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri atau pihak berkuasa tempatan menentukan jumlah cukai yg kena dibayar oleh individu atau pemilik rumah, sama ada sbg cukai pendapatan atau kadaran;

penaksiran perihal menaksir;

penaksir orang yg menaksir.

taksis I Ar pembatasan;

mentaksiskan membatasi, mengehadkan.

taksis II (Bio) pergerakan berarah (mendekati atau menjauhi rangsangan) oleh organisma ringkas spt alga, sbg gerak balas terhadap rangsangan luar spt cahaya, suhu dan bahan kimia.

taksonomi kajian tentang prinsip, peraturan, dan amalan dlm pengelasan organisma hidup berdasarkan persamaan dan perbezaan sifat organisma itu.

taksun Kl tidak sesuai, canggung (tentang pakaian): *memang ~ kain hitam dipakai orang yg berkulit hitam.*

taktih Kd tatih.

taktik cara atau kaedah utk memperoleh, mencapai, atau mendapatkan sesuatu tujuan yg dikehendaki, muslihat, siasat: *musuh sedang menggunakan ~ baru dlm usahanya hendak menghancurkan negara tersebut.*

taktikal 1. berkaitan dgn taktik yg digunakan utk menjayakan sesuatu rancangan atau mencapai tujuan: *semua pemain perlu mengikuti latihan ~ lima kali seminggu; 2.* digunakan atau dilakukan utk

bantuan serta-merta dlm sesuatu operasi ketenteraan (bkn senjata, pengeboman dsb): *TUDM juga mempunyai pesawat ~ jarak sederhana.*

takuh; *~-takah* berbagai-bagai takik, tidak rata.

takuk 1. takik yg agak dalam (pd pokok kelapa dll tempat berpijak ketika memanjat), tokek; **2.** bahagian kemaluan laki-laki yg berlurah, leher kemaluan laki-laki; **3.** ki had, takat, peringkat: *petani-petani masih di ~ lama dan mungkin lebih buruk lagi nasib mereka;*

~-takak berbagai-bagai takik dan takuk, tidak rata;

bertakuk ada takuknya, sudah ditakik (ditoreh); *~ yg ditebang, yg bergaris yg dipahat* prb Mn mengikut peraturan (adat, resam) yg lazim;

menakuk 1. memarang utk membuat takuk, menakik; **2.** Mn menentukan (perjanjian dll); *~ janji* menentukan janji.

takul Br peluk, dakap;

bertakul berpeluk, berdakap.

takung bekas air (makanan ayam, susu getah, dll), bak, bejana: *~ yg berisi air;*

bertakung tidak mengalir, tergenang, tersekat: *segala tempat air ~ hendaklah ditambah;*

menakung 1. membiarkan mengendap (minyak dsb), membeningkan atau mengheningkan sesuatu (dgn membiarkan tahinya, keladaknya, mendap): *~ minyak kelapa;* **2.** menyekat atau mengempang air dsb (supaya banyak terkumpul), menampung: *air ini ditakung utk air minum penduduk;* **3.** menadah, menampung (air hujan dsb): *aku takung air malam ini;*

tertakung 1. tidak mengalir (air, minyak, dsb), tersekat, terhenti: *di sini, air ini ~;* **2.** sudah diendapkan, terendap;

takungan 1. = **penakung** bekas utk menakung sesuatu, takung, bejana; ~ *ais* bekas yg berpetak-petak dsb yg diisi air utk dijadikan (dibuat) ais; **2.** tempat utk menakung sesuatu, kolam;

penakungan perbuatan (kerja dsb) menakung (air, minyak, dsb), penadahan, penampungan.

takup sj tumbuhan (pokok memanjat yg berumbi), akar kakub, janggut kelonak, ubi akub, ubi garam, ubi takub, *Discorea orbiculata*.

takur I Mn tekur, tunduk.

takur II sj burung; ~ *akar*, *Megalaima australis*; ~ *besar* = ~ *jambang mas*, *Megalaima chrysopogon*; ~ *gunung*, *Megalaima rafflesii*; ~ *mahkota kuning*, *Megalaima hendricii*.

takut = ~ *akan (pd)* **1.** gentar (gerun, ngeri) menghadapi sesuatu yg dianggap boleh membahayakan diri: *aku tidak ~ pd anjing itu kerana aku sudah biasa dengannya*; **2.** berasa segan dan hormat, takwa: *hendaklah kita ~ akan Allah*; **3.** berasa bimbang (ragu-ragu, kluatir), gelisah: *saya ~ dia tiada di rumah*; *dia rasa ~ pula kalau-kalau kedua-duanya akan menyerangnya*; **4.** tidak sanggup (menghadapi bahaya, menanggung derita, dll), tidak berani, kecut: *dia benci pd saya kerana itu saya dihalaunya, sekarang saya ~ hendak menemuinya*;

~ *akan hantu, lari ke pandam (perkuburan)* = ~ *akan lecah lari ke duri* = ~ *akan mayat terpeluk bangkai* prb takut akan rugi atau susah sedikit lalu mendapat kerugian atau kesusahan yg lebih besar; ~ *mengikut jalan tak berentas* prb takut melakukan pekerjaan yg belum pernah dibuat orang; ~ *pd ular, terkejut pd bengkarung* prb kerana takut pd yg berkuasa maka takut pula pd kaumnya; *digenggam mati, dilepaskan ~ terbang* prb sesuatu yg serba salah halnya; *lamun ~ dilanggar batang, jangan duduk di*

kepala pulau prb jikalau takut akan susah, jangan dibuat sesuatu pekerjaan;

takut-takut sentiasa berasa takut, sangat takut, agak takut: *dlm lakonan itu, kanak-kanak bercakap dgn tidak malu-malu dan ~; ~ berani* tidak berapa berani dan tidak takut benar; *~ segan* berasa segan-segan (malu-malu);

takut-takutan **1.** sangat mudah terkejut (terperanjat), sangat penakut; **2.** berasa malu-malu (segan-segan, silu-silu); **3.** berpura-pura takut;

menakut ark bangkit (timbul) rasa takut, mula takut;

menakuti **1.** = **mengetakuti** ark berasa takut pd, menaruh rasa hormat kpd, menyegani: *maka mereka itu sekalian ditakuti orang Melayu;*
2. = **menakut-nakuti, mempertakuti, mempertakut-takuti** menimbulkan (menerbitkan) rasa takut, memberi takut kpd: *suaraku ditakuti semua murid; sudah sekian lama suaminya dlm tahanan tidaklah ada orang yg dapat menolong, orang kampung kebanyakan hanya mempertakut-takuti;*

menakutkan **1.** menyebabkan orang takut akan (kpd): *hukuman yg diberi itu mestilah ~ supaya menjadi contoh dan mencegah orang lain melakukan kesalahan;* **2.** menimbulkan perasaan takut, mengharukan: *peristiwa itu menggerunkan, ngeri dan ~;* **3.** berasa takut akan, gelisah (khuatir) terhadap sesuatu: *ditakutkan hujan di tengah jalan nanti; takutkan hantu, terpeluk bangkai* prb takutrugi atau susah sedikit, jadi rugi atau susah banyak;

menakut-nakutkan membuat sesuatu (mengugut dll) supaya takut: *ia diugut-ugut dan ditakut-takutkan; ia mengherdik dan ~ budak-budak;*

ketakutan **1.** perihal takut, rasa takut: *maka sekalian orang yg duduk dlm negeri itu sentiasa dgn ~ akan aniaya dan loba orang*

besar-besar; **2.** perasaan hormat dan malu, keseganan; **3.** perasaan resah, kegelisahan, kekhuatiran; **4.** dlm keadaan takut, menderita (menanggung) takut: *pengemis itu kelihatan ~ sahaja rupanya*;

ketakut-takutan agak takut-takut: *ia menuju ke situ dgn ~*;

berketakutan hilang keberanian;

penakut (orang yg) mudah takut, pengecut: *kalau sudah begitu, baru tahu siapa ~ siapa berani*.

takuwih; *burung* ~ sj burung, burung mati anak, *Penthoceryx sonneratii malayanus*.

takuyung Br; ~ *pulas* sj siput, *Potamides cerithium*; ~ *rimba* siput darat; ~ *timba* sj siput, *Neritina crepidularia*.

takwa Ar **1.** ketaatan mengerjakan perintah Allah, kesolehan: *di mukanya kelihatan sinar yg jernih dan tajam, sinar ~ iman yg biasa terbayang di muka orang zahid*; **2.** takut akan Allah, hidup soleh: *sesungguhnya orang yg paling ~ kpd Allah ialah orang yg benar-benar taat kpd perintah Allah*;

bertakwa mempunyai sifat takwa;

ketakwaan perihal takwa.

takwil Ar keterangan (mimpi dll), penjelasan, takbir, tafsir: *mereka tidak pernah mengerti akan ~ ceritanya*;

mentakwilkan memberi penjelasan, menerangkan, mentafsirkan;

takwilan sesuatu yg ditakwilkan: *mimpi yg memerlukan ~ simbolik*.

takwim daftar hari bulan, almanak, kalendar, penanggalan.

takyin Ar huraian mengenai sesuatu, penerangan, penjelasan.

takziah pernyataan turut bersedih (berdukacita), belasungkawa: *kpd keluarga si mati, kami mengucapkan ~ utk menyatakan rasa dukacita*;

bertakziah turut bersedih (berdukacita), mengunjungi (orang mati): *beribu-ribu orang telah pergi ~ ke rumah si mati.*

takzim amat hormat, penuh hormat dan sopan: *ia menjawab dgn ~nya;*

mentakzimkan memberi takzim akan, menghormati, memperluliakan.

takzir Ar hukuman yg dijatuhkan atas dasar kebijaksanaan hakim kerana tidak terdapat dlm al-Quran dan hadis bertujuan utk pengajaran;

mentakzirkan menjatuhkan hukuman yg menyimpang drpd hukum yg ditetapkan.

tal sj tumbuhan (palma), lontar, tah, tai, *Borassus fiabellifera.*

tala I 1. kesesuaian nada, laras; ~ *bunyi = garpu* ~ Id alat berbentuk U yg dibuat drpd besi dan digunakan utk melaraskan bunyi (nada, suara, dll); 2. gema, talun: *ting, bunyi loceng di rumah pasung besar, maka ~nya itu bergema dan dapat didengari nyata dr seluruh bandar; dihempuk lunas itu bahannya bunyi tujuh gok sembilan ~;*

setala selaras bunyinya, sama bunyinya;

menyetalakan menyelaraskan bunyi, menyamakan nada: ~ *bunyi alat muzik;*

bertala-tala sl bersambut-sambutan (bunyi), berselang-selangan, bertingkah-tingkah: *kedua-dua belah pihak ~;*

menala 1. menentukan bunyi (alat muzik, gamelan, dll) dgn nada yg betul, membetulkan bunyi (alat muzik); 2. melaraskan pergerakan enjin (motor dsb) supaya berjalan dgn lancar dan efisien;

penalaan perihal (perbuatan) menala;

penala tala bunyi, garpu tala.

tala II Pr ibu kunci, mangga, gepuh-gepuh, pedal ayam.

tala III; menala memukul dgn tangan terenggam.

tala IV hala, arah.

talah Mn; **tertalah-talah** terburu-buru, tergopoh-gapah, tergesa-gesa.

talai ark lalai.

talak pelepasan ikatan nikah dgn ucapan talak, cerai, dsb oleh suami: *dgn*

mudah ia menjatuhkan ~ kpd isterinya;

~ bain talak yg tidak boleh dirujuk kembali; *~ dua* talak rajii yg

dijatuhkan dua kali secara berasingan atau dgn lafaz talak dua; *~*

rajii talak yg masih boleh dirujuk kembali (pd talak pertama atau

kedua) dgn syarat isteri yg dicerai itu masih dlm idah; *~ satu* talak

rajii yg dijatuhkan kali pertama atau dgn lafaz talak satu; *~ tiga*

talak yg dijatuhkan tiga kali secara berasingan, atau dgn lafaz talak

tiga, yg tidak boleh dirujuk kembali;

mentalak menceraikan isteri: *isterinya itu ditalaknya.*

talam sj dulang yg tidak berkaki (tempat menyajikan makanan,

minuman, dll): *dia keluar membawa sebuah ~ yg berisi secawan*

kopi; kuih ~ = tepung ~ sj kuih yg lapisan bawahnya dibuat drpd

campuran tepung beras atau tepung gandum dan gula melaka,

manakala lapisan atasnya (kepalanya) drpd santan kelapa;

spt ~ dua muka prb perihal orang yg berbuat baik kpd dua orang yg

berseteru (utk keuntungan diri sendiri); *spt air dlm ~* prb dlm

keadaan sentosa.

talang sj tumbuhan (pokok renek), gapih paya, paluh periuk, tudang

puyuh, *Saraca triandra*; *~ kunyit* = *~ gajah* sj tumbuhan (pokok),

gapis, gapih, gapis kunyit, *Saraca declinata*; *rumpit ~* sj tumbuhan

(herba), ruku hutan, rumput kucing-kucing, tasik-tasik, timba tasik,

Adenosma capitatum.

talang I 1. sj ikan laut, seliap, seliat, *Chorinemus lysan*; **2.** = *~ padi* sj

ikan laut, seliat, *Chorinemus tol*; **3.** sj ikan laut, *Chorinemus*

sanctipetri.

talang II Jw saluran air (biasanya drpd buluh pd cucuran atap dll).

talang III Jk pengantara dlm berjual beli, orang tengah, broker, cangku;

~ *kuda* orang yg bekerja sbg penjual kuda; ~ *wang* orang yg meminjamkan wang dgn mengenakan bunga, ceti;

menalang, menalangi 1. memberi pinjaman wang; 2. membeli barang dgn berhutang;

penalang; ~ *wang* talang wang.

talang IV sj buluh yg banyak mengandung air; ~ *perindu* buluh perindu.

talang V dusun kecil yg berhampiran dgn hutan (ladang dll); *orang* ~ a) orang dusun (hulu); b) orang yg dianggap rendah martabatnya;

□ → □ **petalangan.**

talang VI; *bujang* ~ a) orang laki-laki yg tidak beristeri; b) balu yg tidak beranak.

talangkai □ → □ **telangkai.**

talar I; bertalaran (bercakap) dgn terus terang, tidak bersembunyi-sembunyi.

talar II Jh; **menalar** tidak menghalang, membiarkan.

talas sj tumbuhan (herba yg berubi), (birah) keladi, *Colocasia esculentum*.

talasemia (talasémia) (Ubat) sj penyakit keturunan yg berpunca drpd kurangnya protein globin yg menjadi komponen hemoglobin dlm darah.

talbiah Ar menyerahkan diri kpd Tuhan (Allah); ~ *bihaj* berniat hendak menunaikan fardu haji.

talek IB, bp bedak drpd sj tepung halus (yg mengandung zat tertentu).

talen (talén) Jw wang perak bernilai dua puluh lima sen, wang tali; □ → □ **tali II.**

talenan Jw papan dll tempat memotong sayur-sayuran dll; □ → □ **telenan.**

taler (talér) ark kep tali leher, dasi.

tales Jw talas.

tali I 1. serat yg dipintal panjang-panjang: ~ *itu dibuat drpd sabut kelapa*; **2.** benda yg halus panjang-panjang utk mengikat sesuatu: *bungkusan itu diikat dgn ~ pisang*;
~ *agas* = ~ *anggas* = ~ *kala* = ~ *keleleh* = ~ *senam* = ~ *singkil* tali yg dipegang oleh perempuan ketika bersalin; ~ *air* a) saluran utk mengalirkan air ke sawah dll; b) = ~ *arus* aliran arus (air); c) ark pengairan (sawah dll); ~ *alir* tali kail utk menangkap buaya; ~ *alit* = ~ *gasing* = ~ *sering* tali utk memusingkan gasing; ~ *ambin* tali pengikat beban; ~ *anduh* kain dll yg digunakan utk menggantungkan tangan yg patah ke bahu; ~ *api* (*api-api*) tunam, murang, sumbu; ~ *ari-ari* tali pusat; ~ *barut* a) tali pembebat (pambarut); b) tali pinggang; c) ki orang yg menjadi ampama orang lain, barua; ~ *batung* selepang tempat menyisipkan peluru; ~ *bawat* tali yg diikatkan pd palang layar (utk menggerakkan layar supaya mendapat angin); ~ *belati* tali buatan Eropah (drpd sisal); ~ *besi* ark tali drpd besi, kabel; ~ *bicara* ark Id telefon; ~ *bosa* (*kap*) tali utk menahan kabel (bergoyang dll); ~ *bubut* tali utk menurunkan/naikkan layar; ~ *cemat* tali utk menunda (menarik) perahu dll; ~ *dahi layar* tali yg mengikat bahagian layar yg di sebelah atas; ~ *dogang* tali yg dipegang apabila hendak mengimbangkan perahu dgn badan; ~ *duga* (*penduga*) tali utk menentukan dalamnya laut; ~ *gantung* tali utk menggantung orang (yg dihukum mati); ~ *kail* tali tempat diikat mata kail; ~ *kajai* (*kejai*) tali leher kuda (kalung kuda); ~ *kang* (*kekang*, *kendali*, *tum*) tali utk mengemudikan kuda; ~ *kelat* a) tali utk menarik layar; b) tali utk menarik pohon yg ditebang; ~ *keledar* tali yg dipasang pd pinggang dsb utk keselamatan (dlm kapal terbang, kereta, dsb); ~ *kendit* (*kemendit*) tali pinggang (drpd kulit dll); ~ *kipas* tali yg berupa gelung yg

dibuat drpd getah, bahan sintetik dsb yg memusingkan kipas utk menyejukkan enjin kereta dsb; ~ *ladung* tali tempat bergantung batu unting; ~ *leher* jalur kain sutera, linen dsb yg dipakai di bawah kolar kemeja dan tergantung di dada; ~ *leher kupu-kupu* tali leher yg diikat dgn cara simpul pulih; ~ *lenggang* tali utk menegakkan tiang layar; ~ *liung* sj selempang tempat menyisip peluru; ~ *pendarat* tali yg menambatkan kapal dll ke pangkalan; ~ *pendandang* tali yg mengikatkan andang-andang pd tiang layar; ~ *pengandak (setop, setu)* tali utk mengecilkan layar; ~ *pengangguk* tali utk menggantungkan layar; ~ *perampat* tali utk mengikat kemudi pd tiang goyang; ~ *perimping (aris, eris, ris)* tali pd tepi layar supaya layar jangan koyak; ~ *persaudaraan* hubungan persaudaraan; ~ *perut* a) usus; b) = ~ *benang* tali yg mengikat pelana (ringga) ke perut kuda (gajah); ~ *pinggang* tali utk mengikat seluar supaya jangan lucut (drpd kulit dll); ~ *pupuh* tali yg direntangkan utk menandakan kawasan larangan atau pantangan; ~ *pusar* Id a) = ~ *pusat* bahagian usus yg menghubungkan bayi dgn urinya; b) bahagian buah yg menghubungkan biji dgn kulit buahnya; ~ *rafia* a) tali drpd serat pelepah rafia; b) tali yg diperbuat drpd plastik dlm pelbagai warna utk mengikat barang, kotak dsb; ~ *relap* tali yg diberi berambu-rambu (berjurai-jurai) utk menghalau ikan; ~ *sas* tali yg mengikat pelana kuda supaya jangan tergelongsor ke hadapan; ~ *sauh* tali utk mengikat sauh; ~ *sawar* tali utk menghela kerbau; ~ *sawat* jalur tali bundar atau bulat yg digunakan utk menggerakkan bahagian tertentu mesin dsb; ~ *semberang (sidai, penyidai kain)* tali utk ampaian kain; ~ *sepatu (kasut)* tali utk mengikat kasut; ~ *sira* tangga drpd tali; ~ *sifat* a) tali hitam utk menandai kayu yg akan digergaji; b) tali pd batu unting; ~ *suai* tali yg menyangga layar; ~ *tajuk* tali utk

mengikat dayung pd bibir perahu; ~ *tandur* tali utk menurunkan bidai; ~ *tangsi* tali (benang) yg dilumas dgn lilin utk tali kail; ~-*temali* bermacam-macam tali di kapal (perahu); ~ *tudung* a) tali yg diikatkan ke dagu; b) jambang yg nipis sampai ke bawah dagu; ~ *tep* pita utk mengukur; ~ *tunda* tali utk menunda perahu dll; ~ *ulang* tali yg digunakan melalui beberapa kapi;

~ *di dlm bungkusannya, digerek tikus apa gunanya* prb seorang perempuan yg dlm pingitan telah melakukan perbuatan salah dgn diam-diam; ~ *jangan putus, kaitan jangan sekah* prb menyelesaikan sesuatu perkara hendaklah dgn seadil-adilnya; ~ *yg tiga lembar itu tak suang-suang putus* prb orang yg sekutu atau sebicara dlm sebarang hal ehwal itu selalu berjaya dlm pekerjaan; *bagai* ~ *berlembar empat, bagi tungku sejerangan* prb perbuatan yg dimesyuaratkan oleh empat orang atau difikirkan oleh seorang yg berilmu lagi berakal dan mahir tentulah jadi dgn sempurna; *bagai menghela* ~ *jala* prb melakukan sesuatu pekerjaan dgn hati-hati supaya tidak kerugian; *digantung sehasta* ~ prb perempuan yg ditinggalkan oleh suaminya dgn tidak diberi belanja dan tidak juga diceraikan; *sepanjang-panjang* ~, *sekenyang-kenyang banting* prb telah habis ikhtiar (tidak ada daya upaya lagi); *sepanjang-panjang* ~, *tidak sepanjang mulut manusia* prb sesuatu rahsia jika diketahui orang sebentar itu juga akan tersiar ke mana-mana;

setali bersambung (berhubung) menjadi satu, berhubungan;

bertali 1. ada talinya, memakai tali: *pd bahunya tersandang sebuah bungkusannya kain yg diberi* ~ *panjang*; **2.** = ki sudah bertunangan (gadis), berikat;

~ *arus* banyak sekali (orang lalu lalang dll); ~ *darah* ada perhubungan keluarga dgn;

~ *boleh diheret, bertampuk boleh dijinjing* prb hal kejahatan yg cukup keterangan dan buktinya; *diberi ~ panjang* prb membiarkan memilih apa yg disukainya;

tali-bertali bertali-tali;

bertali-tali 1. ada kaitannya dgn, berhubungan dgn: *Ungku Tanjung itu ialah keluarga tali-bertali dgn Datuk Bendahara dan Yamtuan Besar*; 2. sambung-menyambung, bersambung-sambung, terus-menerus, berterusan: *di luar hujan masih ~*; 3. berkait-kait, berjalin-jalin, terlibat-libat;

bertalian ada kaitannya dgn, berhubungan, berkaitan: *ketua-ketua agama mereka tidak lagi ~ atau terhubung dgn Paus di Rom*;

menali menangkap lembu (kuda dsb) dgn menggunakan tali: *pertunjukan kemahiran ~ lembu, menunggang kuda liar dsb*;

mempertalikan 1. mengikatkan berbelit-belit: *ia menyerah diri lalu dirantai dipertali-talikan*; 2. mengait-ngaitkan dgn, melibatkan dgn, memperhubung-hubungkan, memperkaitkan, menjalin-jalinkan: *jangan dipertalikan hal ini dgn perkara tadi*; 3. menghubungkan (dgn), menyambungkan (dgn): *jalan raya ini ~ Kuala Lumpur dgn Seremban*; 4. menjadikan bertali-tali, menyambung-nyambungkan, menghubungkan: *bukankah yg ~ hati suami isteri itu kecintaan yg penuh diikat oleh kesetiaan?* 5. menjodohkan dgn, mengahwinkan: *Ramli tidak mahu dipertalikan dgn orang yg belum dilihatnya*;

talian 1. wayar dsb yg menjalinkan atau menghubungkan alat-alat atau pesawat-pesawat elektrik dsb: *pastikan ~ mikrofon, alat perakam dsb semuanya teratur*; 2. aliran (lalu-laluan atau sambungan) hubungan telefon; *dalam ~ (Komp)* a) berada di bawah kawalan langsung unit pemprosesan utama komputer; b) berada dlm keadaan giat dan bersambung terus pd sistem utama komputer;

luar ~ (Komp) berada di luar kawalan atau tidak lagi bersambung dgn sistem utama komputer atau unit pemrosesan utama komputer;

pertalian **1.** perhubungan (kekeluargaan, persahabatan, dll) perkariban, sangkut paut: *apa ~ kita dgn dia, maka ia hendak memberi aku barang-barang?*; **2.** rangkaian yg mempunyai nilai yg sama (spt $2x + 5 = 11$), persamaan;

~ *batin* perhubungan yg tidak kelihatan; ~ *darah* perhubungan kekeluargaan; ~ *silaturahmi* perhubungan persahabatan (persaudaraan);

penali **1.** sesuatu yg digunakan utk mengikat, pengikat; **2.** ark takrif, kesimpulan.

tali II = *wang* ~ mata wang yg bernilai dua puluh lima sen;

setali dua puluh lima sen; ~ *tiga wang* sama sahaja, tidak lebih dan tidak kurang.

tali III; ~ *puteri* sj tumbuhan (herba), cemar batu, rambut puteri, *Cassytha filiformis*; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Gnetum spp.*;

tali IV sj ikan darat, *Acanthopsis choirorhynchos*.

talib Ar orang yg menuntut (kebenaran, ilmu, dll); *talibul-ilmu* penuntut ilmu.

talibun sj puisi lama yg terdiri lebih drpd empat baris (biasanya terdiri drpd enam belas atau dua puluh baris) yg bersajak pd hujungnya.

talidomida (Ubat) sj ubat penenang yg dahulunya pernah diberikan kpd wanita mengandung sehingga didapati kesannya boleh menyebabkan kecacatan anggota badan bayi yg dilahirkan itu.

tali-tali; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok yg cantik bunganya), *Quamoclit pennata*.

talium (Kim) sj unsur logam yg digunakan utk membuat aloi.

talkin Ar 1. petunjuk atau peringatan tentang soal jawab dlm kubur yg dibacakan kpd jenazah orang Islam selepas sahaja ia dikebumikan; 2. bimbingan mengucapkan kalimah syahadah yg dibisikkan pd telinga seseorang mukmin yg sedang menghadapi saat kematian atau dlm keadaan sakaratul maut; *air* ~ air yg disiram ke atas kubur (orang yg baru sahaja dikebumikan) sebaik sahaja talkin selesai dibacakan;

bertalkin membaca talkin: *biar dia sendiri mendengar orang ~ hingga tamat*;

mentalkinkan membaca talkin kpd jenazah yg baru sahaja dikebumikan, atau kpd seseorang yg sedang menghadapi saat kematian atau dlm keadaan sakaratul maut.

talkum serbuk halus drpd sj batu yg lembut utk membuat bedak; *bedak* ~ bedak serbuk yg halus, lembut, dan harum yg disapukan pd muka dan badan, biasanya selepas mandi.

talon sj tumbuhan (pokok), tukul, *Ryparosa scortechinii*.

talun I; bertalun-talun tidak putus-putus (melakukan sesuatu), berulang-ulang, berturut-turut, terus-menerus: *ia bertanya ~*.

talun II Jw permainan gamelan pd permulaan pertunjukan wayang.

taluki → **teluki I & II**.

talun; bertalun-talun, talun-menalun sl bergema, bergaung, bergemuruh, bertala-tala: *sekejap kemudian tangis dan ratap kedengaran ~*.

tam bunyi spt bunyi letupan senapang dll; □ → **dentam**.

tamadun 1. keadaan masyarakat manusia yg dicirikan oleh atau didasarkan pd taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik, dll) yg tinggi, peradaban; **2.** negara dan penduduknya yg telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik,

dll) yg tinggi, peradaban: ~ *Arab*; **3.** budaya atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan atau sesuatu zaman) tertentu, peradaban: ~ *Islam*; ~ *klasik*; **4.** keadaan pemikiran (budaya dan moral) yg halus, peradaban;

bertamadun 1. telah mencapai tamadun, berperadaban, beradab: *barang-barang itu ialah buatan dr negeri-negeri yg lebih ~ dan lebih maju*; **2.** mempunyai pemikiran (budaya dan moral) yg halus, berperadaban, beradab: *kita mestilah menyelesaikan masalah itu dgn cara yg ~*;

mentamadunkan menjadikan bertamadun: *dlm proses perkembangan sistem penjajahan Barat, Tanah Melayu mula ditamadunkan*;

ketamadunan perihal tamadun, (segala-gala) yg berkaitan dgn tamadun: *malah drama sendiri merupakan sbg cermin kpd ~ dan kebijaksanaan sesuatu bangsa*.

tamah → ramah-tamah.

tamak ingin memiliki sesuatu tanpa batasan, haloba: *jangan ~ akan harta orang*; ~ *hilang malu, loba dapat kebiasaan prb* sesuatu perolehan yg tidak mencukupi menyebabkan seseorang membuat kerja-kerja yg terhina;

ketamakan perihal tamak, kehalobaan.

tamakninah Ar **1.** tetap atau kekal (pendirian dll); **2.** (dlm sembahyang) berhenti sebentar antara dua rukun sekadar tetap semua anggota pd tempatnya, mis antara dua sujud: *rukuk dan ~*.

tamam Ar sempurna, selesai, tamat: *apabila sudah ~ sembahyang itu, ia pun meminta doa kpd Allah*.

taman I 1. kebun yg ditanami dgn pelbagai bunga-bunga (utk bersenang-senang, berehat-rehat), kebun bunga; **2.** ki tempat bersiar-siar (mengambil angin dll); **3.** Jw tempat duduk pengantin

perempuan (dihiasi bunga-bunga); 4. kawasan perumahan yg terancang (lengkap dgn kedai, sekolah dan kemudahan-kemudahan lain): *T~ Tun Dr Ismail*;

~ *asuhan kanak-kanak* = ~ *bimbingan kanak-kanak* tempat kanak-kanak kecil biasanya dijaga sewaktu ibu bapa mereka bekerja dll, taska, tabika; ~ *bacaan* a) ruangan atau rumah tempat membaca buku; b) = ~ *pustaka* perpustakaan, kutub khanah; ~ *bahagia* a) tempat menikmati kebahagiaan; b) makam utk pahlawan (yg telah terkorban dlm peperangan); ~ *berpusing* (*bertangkap, mayang*) jenis-jenis tempat mandi (berkaitan dgn salah satu istiadat); ~ *botani* kawasan yg ditanami pelbagai spesies tumbuhan utk penyelidikan, pembelajaran dan rekreasi; ~ *didikan kanak-kanak* kelas atau sekolah kecil utk kanak-kanak yg berumur antara empat hingga enam tahun (sebelum mereka memasuki sekolah rendah), tadika; ~ *hiburan* tempat bersuka ria (dgn berjoget, bermain berbagai-bagai mainan, dll); ~ *hutan* (Hut) kawasan hutan yg diurus sbg kawasan rekreasi atau kawasan bersejarah; ~ *larangan* sl taman bunga khas utk puteri-puteri diraja sahaja; ~ *negara* kawasan hutan milik negara yg dijadikan sbg kawasan perlindungan alam semula jadi, flora dan fauna, atau bahan sejarah; ~ *sari* kebun bunga (tempat bersenang-senang); *air se~* air yg bercampur dgn berbagai-bagai bunga;

pertamanan hal yg berkaitan dgn taman: *minat kerajaan terhadap penghijauan, pengindahan dan ~ pd akhir-akhir ini sangat menggalakkan; urusan ~.*

taman II; *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Pycnus nitens*.

taman III Mn ark rajin, betah, giat: ~ *bekerja*.

tamar Ar buah kurma; ~ *hindi* asam Jawa.

tamat 1. sudah dibaca (diceritakan dll) hingga akhirnya, khatam; ~
mengaji a) sudah khatam Quran; b) sudah siap mengaji; ~ *belajar*
(sekolah) sudah selesai pelajaran; ~ *riwayatnya* sudah mati; 2.
berakhir, habis, selesai: *perkhidmatannya akan ~ pd tahun depan*;

menamatkan 1. membaca (menceritakan, mengisahkan) sampai
habis: *bagaimana caranya yg baik hendak ~ cerita ini?*; 2.
menjadikan tamat, menghabiskan, menyelesaikan, menyudahkan:
ia ingin melihat saya dapat ~ pelajaran saya sampai dapat sijil; ia
mesti ~ khidmatnya setakat ini;

tamatan yg sudah tamat belajar (di), yg lulus (dr): ~ *sekolah*
menengah; *tanda* ~ Id sijil, ijazah;

penamatan perbuatan dsb menamatkan atau mengakhiri:
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu mengesahkan ~
perjanjian amanah antara negara itu dgn Kepulauan Marshall;
adakalanya ~ sesebuah sesi itu adalah dgn memberhentikan
sahaja proses kaunseling;

penamat yg terakhir, pengakhir, penutup, penyudah.

tama-tama bp yg mula-mula, pertama-tama; → **pertama**.

tambah 1. sesuatu yg ditokok pd sesuatu yg lain supaya menjadi lebih
banyak, tokok, imbuh: *berapa ~nya ukuran dada apabila*
dikembangkan?; *minta* ~ minta lebih banyak, minta dilebihkan;
tukar ~ menukar barang dgn wang; 2. bp = **bertambah** menjadi
lebih banyak (besar, luas, dll): *maka tentulah aku ~ gembira lagi*;
3. bp = **ditambah** dijadikan lebih banyak (besar, luas, dll),
ditokok, dijumlahkan: *jika tawar ~lah gula lagi*; *tanda* ~ tanda
campur; 4. = **bertambah** semakin: *lama diperhatikan Hitam*
tingkah laku wanita itu, ~ teranglah bahawa ia adalah seorang
wanita yg kasar dan garang; ~ *sentara* yg ditambah utk keperluan
sementara (bkn pekerja);

bertambah 1. menjadi lebih (banyak, besar, kaya, dll): *makin ~lah kasih sayang baginda akan Raja Ahmad itu*; **2.** diberi tokok (tambah) supaya menjadi lebih banyak, mendapat tambah (tokok): *pendapatannya ~ lima puluh ringgit*; **3.** semakin: *hujan ~ lebat*; ~ kurang semakin kurang, berkurangan; ~ *pula* apa lagi, lebih-lebih lagi: *imam khatib lagi berdosa*, ~ *pula* kita yg jahil; ~ semakin kurang prb perihal kawan yg datang bukan utk membantu melainkan menambahkan kesusahan;

bertambah-tambah 1. sentiasa bertambah, bertambah dgn beransur-ansur: *diberi Allah ~ kebesarannya dan kemuliaannya*; **2.** semakin (banyak, besar, kuat, dll): *lelaki bermuka cengkung itu menjadi ~ kkuatir*; ~ lagi = ~ *pula* tambahan lagi (*pula*), lebih-lebih lagi, apalagi, terutama *pula*: *maka ~ pula picik pengetahuanku dlm ilmu mengarang*;

menambah 1. menjadikan lebih banyak (besar, kuat, dll): *garamnya sudah cukup, tidak perlu ditambah lagi*; *menerima ini bererti ~ beban*; **2.** memberi tambah, menokok: *memang ada peluang ~ jenis barang yg dikeluarkan*; **3.** menjumlahkan dgn, mencampur: *gajinya ditambah dgn gaji isterinya menjadikan gaji mereka berganda*; **4.** = ~ kata melanjutkan kata: *beliau ~ , tidak seorang pun kawan saya dlm kabinet yg menunjukkan minat dlm lumba kuda*;

menambahi memberi tambah pd, menokok (mengimbuh, menambah) pd: ~ *apa yg kurang*;

menambahkan menambah sesuatu pd yg sudah ada supaya jadi besar (banyak dll): *bunga wang itu ditambahkan pd pokoknya*;

mempertambah menjadikan bertambah (besar), memperbanyak, memperbesar, memperluas: *adanya jalan itu ~ lagi hasil negeri*;

tambahan 1. sesuatu yg ditambahkan pd, imbuhan, tokok: *peraturan-peraturan dan --- peraturan*; **2.** sesuatu (surat, keterangan, dll) yg dilampirkan, lampiran, pelengkap;

~ *pula* = ~ *lagi* lebih-lebih lagi, apalagi; *kata* ~ *kata* yg menerangkan kata kerja atau kata sifat;

pertambahan perihal bertambah: *penduduk luar bandar sedang mengalami ~ besar*;

penambahan 1. perihal menambah (menambahi, menambahkan), perihal memberi tambahan pd; **2.** perihal memberi imbuhan pd kata pokok;

penambah 1. sesuatu yg menambah; **2.** imbuhan (yg ditambah pd kata pokok); **3.** angka yg bercampur dgn angka lain.

tambah baik; bertambah baik menjadi semakin baik;

penambahbaikan perihal (proses, perbuatan, tindakan dsb) menjadikan bertambah baik: *laman web ini secara keseluruhannya masih lagi dlm proses ~ dan banyak lagi bahan atau maklumat akan dimasukkan dr semasa ke semasa; kualiti penerbitan masih terbuka luas utk dilakukan ~.*

tambak I 1. timbunan tanah dll utk menahan air, bendung, benteng, gili-gili; **2.** jalan dll yg dibuat drpd timbunan tanah dll menyeberangi selat (tanah bencah dll): *kalau hendak membuat jalan kereta api di tanah pamah pula, maka terpaksa dibuat ~ yg bertepi curam*; **3.** kolam di tepi laut (diberi berbatas) utk memelihara ikan, tebat;

menambak 1. menimbunkan (melonggokkan) tanah dll supaya tinggi: *ia melihat tanah yg tinggi spt ditambak*; **2.** menimbun (lubang dll) dgn tanah dll, menimbus: *jika jalan itu becak hendaklah ditambak supaya air hujan tidak bertakung*; **3.** menurap jalan dll dgn tanah, melepai, menampali; **4.** membina tambak pd, membuat benteng pd, membentengi dgn tambak: *mereka sedang ~*

tebing sungai itu dgn tanah; 5. ki memberi (barang) banyak-banyak kpd, menghadaikan banyak-banyak; 6. ki melepab ubat pd, membubuh ubat (pd luka dll); 7. ki menahan atau menyekat sesuatu (supaya jangan keluar dll), membendungi; ~ gunung menggarami laut prb memberi pertolongan kpd orang yg sekalikali tidak perlu ditolong;

penambak sesuatu yg dijadikan tambak (tanah, batu, dll): *tanah itulah hendak dibuatnya ~ di seberang sini.*

tambak II Br dapur berbentuk segi empat yg dibuat drpd tanah.

tambak III; ~ *dapur* sj ikan laut, *Parastromateus niger*.

tambak IV; *pokok* ~ *bukit* = **tambak-tambak** sj tumbuhan (rumpai), rumput tahi babi, sembung hutan, *Vernonia cinerea*.

tambal I Jw perca kain dll yg dilekatkan pd tempat yg koyak (sobek dsb), *tampal*: *lihat kain sarungmu, pelekat Jerman yg tidak terhitung lagi banyak ~nya;*

menambal melekatkan tambal pd tempat yg koyak (bocor dsb), *menampal*: *dijahit layar mana yg koyak, ditukar mana yg usang, biduk ditambal mana yg tiris;*

tambalan apa yg ditampal, *tampalan*: *bajunya bersih biarpun penuh ~;* → □ **tampal I.**

tambal II; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), *pokok tampal*, *pokok tupai*, *Polyosma laetevirens*.

tamban sj ikan laut, *Clupea spp.*;

~ *beluru* sj ikan laut, *Clupea leiogaster*; ~ *betul* = ~ *nipis* sj ikan laut, *Clupea perforata*; ~ *bontok* sj ikan laut, *Clupea jussieu*; ~ *bujur* (*jalur*, *lopek*, *panjang*, *siantan*) sj ikan laut, *Clupea fimbriata*; ~ *bulat* (*japuh*, *jebuh*, *jepuh*) sj ikan laut, *Dussumieria hasseltii*; ~ *cencang rebung* sj ikan laut, *Clupeoides lile*; ~ *setu* sj

ikan laut, *Clupea dispilonotus*; ~ sisik a) sj ikan laut, *Clupea jussieu*; b) sj ikan laut, *Clupea melanura*.

tambang I lubang yg digali utk mengambil hasil bumi (emas, bijih timah, minyak, dll), lombong; ~ besi lombong besi; ~ emas lombong emas; *barang-barang* ~ bahan galian dr bumi (besi, emas, arang batu, dll);

menambang menggali hasil bumi dr tanah, melombong (bahan tambang);

pertambangan segala sesuatu mengenai tambang, perlombongan.

tambang II 1. = *wang* ~ = *harga* ~ bayaran utk membawa barang-barang dll dgn kendaraan, sewa kerana menaiki kendaraan, sewaan: *kepulangannya itu adalah utk menerima wang drpd datuknya utk dibuat ~ belayar ke Mekah*; **2.** yg disewakan (kereta dll), yg membawa penumpang (mengangkut barang-barang), sewaan: *kereta* ~; *perahu* ~; *sampan* ~; **3.** penumpang atau muatan kendaraan dgn membayar sewa; ~ *malam* Pl tidak bertanggung (berlengah-lengah) lagi;

menambang 1. menaiki kereta (sampan dll) tambang: *maka ~lah saya bersama-sama Grandpre pergi ke Kampung Laut*; **2.** mengangkut penumpang(muatan) dgn kereta (sampan dll) tambang; **3.** bekerja sbg pembawa kereta (sampan dll) tambang;

menambangkan menyewakan kereta dll;

tambangan 1. perahu (sampan) tambang; **2.** pangkalan tempat penumpang menyeberang dgn perahu (sampan) tambang; **3.** wang tambang;

penambangan perihal menambang (menambangkan);

penambang orang yg mengangkut penumpang dgn perahu tambang; *perahu* ~ perahu tambang.

tambang III Jk tali yg besar utk menambat binatang pd pokok (tiang dll); ~ *manuk* simpul manuk;

menambang ki tidak mempedulikan isteri (tetapi tidak pula menceraikannya), menggantung tidak bertali;

menambangkan; ~ *layar* mengembangkan layar dgn tali.

tambang IV Mn pancang utk tambatan binatang;

menambangkan menambatkan (mengikat) binatang.

tambang V; = ~ *sisir* sj tumbuhan (pokok renek), medang ketanah, medang merah, medang panjang, *Ardisia teysamanniana*.

Tambanuo suku kaum peribumi di Sabah, termasuk dlm rumpun kaum Kadazan Dusun.

tambar sl ubat, penawar;

menambari mengubati (menawari) penyakit.

tambat; bertambat terikat (pd pokok, tiang, pancang, dll), berlabuh dan terikat pd sesuatu (kapal): *kapal itu pun masuk ke kuala pelabuhan negeri Labuhan Puri dan terus rapat dan ~ di pangkalan besar;*

bertambatan bertalian, terikat pd; *perahu ~ dagang bertepatan* prb melakukan sesuatu hendaklah sesuai dgn tempatnya;

menambat 1. mengikat dgn tali pd pancang (tiang dll): *dia membiarkan Umbang turun ke pantai ~ perahu;* **2.** ki memikat, menawan, menarik (hati dll): *dia telah berjaya ~ hati pembaca dan menimbulkan perasaan ngeri sampai akhir cerita;*

menambati sl menambat sesuatu pd: *segala pohon kayu itu sekaliannya ditambati puntung api;*

tertambat 1. terikat (pd): *seekor kerbau ~ pd sebatang pokok; perahu itu ~ pd sebatang tiang;* **2.** ki terpikat, tertawan, tertarik (hati, perhatian, dll): *hatinya telah ~ dan bulat kpd Ismayatim;*

tambatan 1. pancang dll utk menambatkan binatang (perahu dll): *dr situ, mereka berjalan kaki menuju ke ~ kapal;* **2.** sesuatu (spt tali

dsb) utk menambat: *mereka kemudian membuka tali ~ yg terlilit-lilit pd pokok pisang itu*; **3.** = ~ jiwa = ~ larat orang yg dikasihi (dicintai), kekasih;

pertambatan ikatan, pertalian, perkaitan;

penambat 1. alat utk menambat, pengikat: *telah putuskah tali ~ kerbau itu?*; **2.** ki orang yg menambat (hati), pemikat.

tambora I (Sanskrit) tembaga, piagam (undang-undang) yg tertulis pd tembaga: *jikalau tuan hamba tiada percaya, lihatlah dlm ~.*

tambora II sj ikan darat, tebera, tembereh, *Labeobarbus tambra.*

tambi (Tamil) **1.** panggilan utk orang India yg berpangkat adik; **2.** pelayan pejabat, peon, jongos; **3.** orang Keling.

tambing Br tebing sungai.

tambo Mn riwayat dahulukala, babad, hikayat, sejarah: *demikianlah ceritanya menurut ~ Sungai Ujung*; *membuka ~ lama* membangkit-bangkit (mengungkit-ungkit) perkara yg sudah-sudah.

tambok Sr sj bakul tradisi orang Iban: *tergerak hatinya utk melihat kandungan ~ itu.*

tamborin sj alat muzik spt rebana kecil yg berloceng-loceng di sekeliling bingkainya dan dimainkan dgn menggoncang atau memukulnya.

tambuh I sj tumbuhan (pokok renek), pelawan beruk, *Euthemis leucocarpa.*

tambuh II Mn = **tambuhan** nasi yg disediakan sbg penambah, nasi tambah;

bertambuh menambah nasi (ketika makan);

menambuhkan; ~ *nasi* menyenduk nasi sbg penambah, menambahkan nasi ke dlm pinggan.

tambul I 1. makanan (kuih dll) yg dihidangkan bersama minuman: *setelah sudah, maka diangkat pula minuman dgn ~, pelbagai rupa*

dan rasanya; 2. minuman yg dihidangkan (utk menyegarkan badan);

bertambul dihidangkan dgn tambul: *sayang kita minum ini tiada ~, jika ada gerangan tambulnya alangkah baiknya; tambur II.*

tambul II ark; **bertambul, menambul 1.** bermain silap mata (sihir dll);
2. menunjukkan kepandaian gerak badan (melompat, meniti kawat, dll);

penambul 1. pemain silap mata; **2.** pelawak, tukang lawak.

tambun I gemuk (orang, binatang), berisi: *tubuhnya semakin hari semakin ~;*

menambunkan menjadikan tambun (badan), menggemukkan;
tembun.

tambun II Mn timbun (tanah dll), longgok, tompok;

bertambun, bertambun-tambun 1. bertimbun-timbun, berlonggok-longgok: *sebenarnya juga dinar emas bertambun-tambun, bertindih-tindih, bersusun-susun; 2.* ki penuh sesak, berjedal-jedal;

menambun menimbun, melonggok, menompok: *tanah bendang Cu Piah ditambun tanah merah hampir-hampir dua relung;*

tambunan timbunan, longgokan, tompokan; ~ *budi lubuk akal* orang yg bijak (cerdik pandai).

tambun III; ~ *cucut* sj tumbuhan (pokok), beras buah punai mengantuk, gading betina, *Aporosa aurea.*

tambung kurang ajar, biadab, nakal;

menambungi berlaku kurang ajar kpd.

tambur I 1. sj alat muzik (Eropah) yg dipukul, dram, genderang; **2.** = *tukang* ~ pemain (pemukul) genderang.

tambur II Tr apa yg dihidangkan kpd tamu, jamuan; → □ **tambul I.**

tambura sj alat bunyi-bunyian bertali empat dan berleher panjang yg digunakan dlm muzik India utk menghasilkan bunyi dengung.

tambus Jk; **menambus** membakar (ubi dll) dlm bara atau abu hangat, membembam: ~ *ubi*;

tertambus terbakar; *mati* ~ mati terbakar.

Tamil bahasa kaum yg berasal drpd campuran bangsa Dravidia dan Kaukasoid yg berasal dr selatan India dan Sri Lanka.

tamin Kl alat utk memotong padi, tuai.

taming Jw perisai.

tampa; *salah* ~ salah sangka, salah kira, salah terima: *aku bertanyakan perempuan itu hanya supaya jangan salah ~, salah raba kelak*;

menampa **1.** menyangka, menganggap, mengira: *jikalau di dlm sunyi mahulah hamba kalau hamba ditampa Raja Umar*; **2.** mengerti (pendapat, fikiran orang lain), memahami, menerima.

tampah I Jw nyiru.

tampah II Mn tempah.

tampak I **1.** tidak terlindung, dapat dilihat, kelihatan: *di sana sini ~ pula pohon kelapa*; **2.** memperlihatkan (menunjukkan) diri, muncul, timbul (bulan, matahari): *lama benar ia tidak ~; pd bulan ~ Id pd satu hari bulan*; **3.** nyata kelihatan, ketara: ~ *kasih sayangnya*; ~ *duri tak akan mengait = ~ ranggas tak akan meleting* prb mengetahui seseorang itu tidak dapat berbuat apa-apa kerana bodoh atau penakut;

tampaknya kelihatannya, pd zahirnya, rupanya: *meletusnya perang dgn Jepun ~ tidak dapat dielakkan lagi*;

tampak-tampak **1.** = ~ *apung* tidak dapat dilihat (dgn nyata), sebentar kelihatan sebentar tidak; *tidak* ~ tidak kelihatan-kelihatan (muncul-muncul); **2.** sebentar-sebentar terbayang (dlm ingatan, fikiran, dll);

menampak (dapat) melihat, nampak: *kalau ia berjalan-jalan dlm kota dan ~ rumah yg besar-besar dan indah-indah, kerap kali ia tegak tercengang;*

menampakkan menjadikan dapat dilihat, mellihatkan, memperlihatkan: *kemudian perasaannya agak lega sedikit kerana orang itu tidak ~ tanda terperanjat;*

tertampak terlihat, kelihatan, ternampak;

ketampakan keadaan sejauh mana atau sejelas mana sesuatu objek dapat dilihat dlm keadaan cahaya atau cuaca tertentu: *istilah ini ditakrifkan sbg kekaburan yg ~nya kurang drpd satu kilometer.*

tampak II; *sakit ~ sakit campak*; **tampek**.

tampal I 1. perca kain dll yg dilekatkan (dijahitkan) utk menutup barang yg koyak: *~ itu mesti menutup bahagian yg nipis di sekeliling tempat yg koyak*; **2.** benda yg dilekatkan, lepa, turap, plaster, pelekat;

bertampal 1. memakai tampal: *kain alas ini boleh dibuat drpd kain cadar yg lama tetapi tidak koyak atau ~*; **2.** = ~ dgn bertambal dgn (pelekat, iklan, dll): *bangunan-bangunan yg indah itu di sana sininya ~ dgn iklan*;

menampal 1. membubuh tampal pd (baju dll yg koyak), melekatkan tampal pd, menampung: *baju yg koyak itu sudah ditampal*; **2.** merekat sesuatu (pelekat, poster, dll) pd, menampalkan pd (dgn gam dll): *dinding dan pintu rumah-rumah rendah itu rata-rata ditampal dgn gambar seorang calon pilihan raya*; **3.** menyumbat atau memalam (gigi yg berlubang);

menampali sl memberi bertampal dgn, menampal dgn: *dinding istana itu sekaliannya berkambi, maka ditampali cermin cina yg besar-besar*;

menampalkan 1. melekatkan perca kain dll pd; 2. merekatkan (turap, lepa, dll) pd: *dibuat surat berpuluh-puluh ditampalkan pd segenap simpang*; ~ *kersik ke buluh* prb tidak ada guna (sia-sia) memberi nasihat kpd orang yg tidak mahu mendengarnya;

tertampal 1. sudah ditampal dgn; 2. terlekat pd, tertempel pd: *suatu surat kenyataan ditandatangani oleh Patrick Goh, kelihatan ~ di papan kenyataan kelab*;

tampalan sesuatu yg ditampal: *di dinding rumah itu penuh dgn ~ surat khabar*; *juita bukan kerana pakaian yg indah-indah dan emas perak yg gilang-gemilang, bukan kerana ~ dr luar*;

penampalan perbuatan (kerja dsb) menampal;

penampal sesuatu (perca kain, kulit, dll) yg digunakan utk menampal: *perca-perca kain itu hendaklah disimpan buat kain ~*.

tampal II; ~ *besi* a) sj tumbuhan (pokok renek), capal (kecil), karat besi, tampah besi, *Callicarpa longifolia*; b) sj tumbuhan (pokok), kayu darah belut, *Phyllanthus reticulatus*.

tampal I 1. elok (rupa, sikap, dll), cantik, kacak, segak: *dlm pakaian hitam sepasang itu dia sungguh-sungguh kelihatan ~*; *potongan badannya cukup ~*; 2. cakup, cocok, layak, pantas, patut: *beliau ~ menjadi tentera*; 3. = ~ rupa sikap badan, tokoh (perawakan): *pegawai tentera itu tidak mempunyai ~ seorang perwira*; 4. = ~ muka air muka, roman muka, rupa: *bagaimanakah rupanya dan ~nya dan tinggi besarnya dan pakaiannya?* 5. sesuai benar, kena benar, padan: *tiada ~ ia berlakon sbg ibu*; 6. corak, jenis, tokoh (utk menghina): *bukan ~ dia yg berhak mengaku ibu dr seorang peguam*; 7. = **tampannya, tampan-tampannya** rupanya, gayanya, gelagatnya, nampaknya: ~ *akan binasa*; ~ *sudah, langgam terbawa* prb tiada bercela sedikit pun (orang, binatang, barang);

tampam-tampam; ~ *orang* a) rupa-rupanya spt orang; b) ki orang yg tidak boleh dipercayai;

menampam 1. mengambil sikap yg dibuat-buat, bersikap yg dibuat-buat; **2.** mencuba-cuba (pakaian dll); **3.** mengelokkan diri (rumah dll), mengatur diri;

ketampaman perihal tampam, kecantikan, keelokan, kegagahan:
~*nya menarik hati gadis itu.*

tampam II; menampam menahan (perjalanan, aliran, pergerakan sesuatu), menghalang, menyekat;

tertampam tertahan, tersekat, terhalang;

penampam sesuatu yg menampam, penahan.

tampam III → □ **tetampam I, penampam.**

tampang I 1. potongan atau keratan yg rata (spt potongan ubi, roti, dll), potongan yg lebar dan pipih (spt potongan roti dll); **2.** ark garis tengah bulatan, garis pusat; **3.** = ~ *tembakau* Jk tembakau yg berkeping-keping spt lempeng;

menampang mengerat, memotong, menghiris;

penampang permukaan yg rata pd sesuatu barang yg dipotong di tengah-tengah muka belahan (keratan).

tampang II 1. bongkah timah yg berbentuk spt bata; **2.** wang timah yg berharga 1/16 ringgit; ~ *jongkong* wang timah yg berbentuk spt perahu; ~ *roman* wang timah yg berbentuk spt bata dan padu.

tampang III = ~ *muka* **1.** rupa (bentuk) muka, tampam muka, paras, wajah: *biarpun kulitnya sudah mulai kerenyut di sini sana, namun ~ dan air mukanya tetap manis; menjual ~* berlagak; **2.** bentuk muka dipandang dr sisi.

tampang IV Mn 1. biji buah dll yg akan ditanam atau disemai, benih, bibit; ~ *cacar* ark benih cacar; **2.** keratan tumbuhan utk dijadikan benih: *ambil ~ tebu itu dan tanamkan di belakang rumah;* **3.** ki

asal usul, pokok pangkal (drpd sesuatu), punca (drpd sesuatu):
inilah ~ segala kejahatan; **4.** ki bakal manusia atau binatang (di
dlm rahim ibu), lembaga.

tampang V Br bahagian pipih tempat meniup serunai.

tampang VI; ~ *besi* a) sj tumbuhan (pokok), medang gombong,
merabong bukit, *Vernonia wallichii*; b) = ~ *besi merah* sj
tumbuhan (pokok atau pokok renek), hati-hati ketan, tampung besi
putih, *Callicarpa cana*.

tampar I pukulan dgn tapak tangan, tepuk (dgn kuat): *kena ~ dan nista*;
*biar kena ~ dgn jari yg bercincin drpd kena jentik dgn tangan yg
berkudis = kalau kena ~, biarlah dgn tangan yg pakai cincin, kalau
kena tendang, biarlah dgn kaki yg pakai kasut* prb kalau tersalah
dlm sesuatu perkara biarlah dihukum oleh orang yg berkuasa atau
ditegur oleh orang yg berilmu drpd dianiaya oleh orang yg bodoh;
se~ seemas, dua ~ seemas baik ditampar benar-benar prb sepala-
pala nama jahat jangan kepalang;

bertampar bertepuk; ~ *dada* bertepuk dada; ~ *tangan* bertepuk
tangan;

bertampar-tampar saling menampar antara satu sama lain;

bertampar-tamparan saling menampar antara satu sama lain;

menampar 1. memukul dgn tapak tangan, menepuk: *dua tiga kali
sudah Tun Biajid diikat oleh ayahnya, sekali kerana ~ hamba raja*;

2. ki memukul perlahan (angin), memuput, menempuh (ombak
dll): *angin malam yg dingin ~ tubuhnya; kedengaran bunyi ombak
perlahan-lahan ~ pantai*;

menampar-nampar, menampari menampar berulang-ulang
(berkali-kali): *permaisuri pun meratap juga serta menumbuk-
numbuk dan ~ dada*;

menamparkan menggunakan sesuatu utk menampar, menampar dgn;

tamparan 1. pukulan dgn tapak tangan, tepukan: *dia terkenang pd ~ suaminya*; **2.** ki pukulan (ombak dll), tempuhan (angin): *~ ombak yg tidak berhenti itu memecahkan timbunan batu-batan*; **3.** peristiwa, kritikan, dsb yg tidak menyenangkan hati: *isu bahasa itu memberikan ~ yg hebat kepadanya*;

~ nyamuk tulang belikat;

penampar pukulan dgn tapak tangan, tamparan: *sebuah ~ dr tangan kiri hinggap ke pipinya*.

tampar II; *~ hantu* sj tumbuhan (pokok), sepetir, sepetir (hantu, senduk), *Sindora wallichii*.

tampas ark pepat dan rata (spt dipangkas);

menampas memotong (memaras, memangkas) supaya rata dan licin, memepat rata.

tampek Jk tampak, campak.

tampel (tampél) Jk; *bola* ~ permainan tenis; *bulu* ~ permainan bulu tangkis, badminton;

menampel menepis, menangkis.

tampi; **bertampi** ditampi: *beras itu masih belum ~ lagi*;

menampi 1. membersihkan beras (padi, kacang, dll) dgn nyiru yg digerak-gerakkan: *sewaktu ~ kita mengasingkan segala butir yg besar drpd yg lebih kecil*; **2.** ki menapis utk memilih yg elok: *sudah kami tampi maksud tuan itu*; **3.** bergerak-gerak turun naik (dada dll), termengah-mengah (nafas): *dada saya ~ lebih keras drpd biasa, badan saya berasa seram sejuk*; *darah ~ berdebar-debar* (kerana terperanjat dll); *kalau ~ jangan tumpah padinya* prb
a) jikalau bekerja hendaklah dibuat dgn baik-baik; b) jikalau

memilih sesuatu janganlah pula barang yg berguna sampai terbuang;

tampian penampi;

penampi alat utk menampi (nyiru, badang, dll): *pagi-pagi lagi mereka telah turun ke sawah membawa ~.*

tampik I; menampik tidak mahu menerima (memenuhi), menolak (pinangan, pemberian, permintaan, dll): *dia tidak dapat ~ ajakan sahabat karibnya;*

tampikan sesuatu yg telah ditampik.

tampik II tempik.

tampik III Br; **setampik** sebelah, sekerat;

menampik membelah (buah, kayu, dll).

tampil = **menampil** ark **1.** datang atau melangkah ke hadapan (ke muka), maju ke muka: *sebelum berlaku pertempuran antara dua pihak itu, tiba-tiba ~ seorang panglima dr pihak orang Musyrikin; 2.* mengambil peranan, mengambil daya usaha: *kita harap banyak lagi wanita kita ~ ke depan utk memenuhi lapangan ini;*

menampikan 1. membawa ke muka (ke depan), memajukan, mengemukakan: *maka baginda pun terlalu marah, segera ~ gajahnya mengusir Seri Nara Diraja; penulis ~ karya yg memberatkan tema-tema persoalan; 2.* memperlihatkan, menampakkan, menunjukkan: *orang yg berwajah murung itu kini ~ senyuman;*

penampilan perihal (tindakan, usaha) menampilkan (mengemukakan) seseorang atau sesuatu: *kesan seninya akan mengatasi kesan ~ pengarang sbg dalang.*

tampin I 1. pembungkus yg dibuat drpd daun nipah (utk membungkus sagu, belacan, dll); *sagu ~ sagu mentah; sagu se~ sagu sebungkus;*

sirih se~ sirih sekapur; **2.** Kl bekas dll tempat tembakau, lopak, celepa.

tampin II Mn taruhan utk mengimbangi taruhan yg lain, imbang, lawan;

bertampin ada tampinnya (imbangannya): *taruh* ~ *pula*; ~ *taruh* menandingi taruhan lawan;

menampin mengimbangi taruhan yg lain.

tampin III 1. sj tumbuhan (pokok renek), balik angin, *Mallotus berbatus*; **2.** sj tumbuhan (pokok), mahang, maya-maya, memoya, mempasuh, sekubin air, *Mallotus floribondus*;

~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), jarak gajah (hutan), *Mallotus subpeltatus*; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), langi-langi buaya, merepuh, pulut-pulut bukit, setampin, *Mallotus griffithianus*.

tamping sj tumbuhan (pokok), kepinis, tampinis, temakah, tepul, *Sloetia enlongata*.

tampoi 1. = ~ *tangau* sj tumbuhan (pokok), tampul, tempuni, *Baccaurea malayana*; **2.** = ~ *kera* = ~ *tangau* sj tumbuhan (pokok), *Baccaurea bracteata*;

~ *bunga* sj tumbuhan (pokok), geresek hitam, gigi buntal, kikir buntal, rambutan pacat, *Xerospermum intermedium*; ~ *paya* sj tumbuhan (pokok), cenarahan, kasi, *Ouratea hookeri*.

tampon penyumbat drpd kain tiras, kapas, dll yg dibubuh pd luka atau ke dlm rongga badan utk menahan darah, menyerap kumuhan, dll.

tamponek (tamponék) sj tumbuhan (pokok), medang sampang, mempelam rimba, *Artocarpus gomesiana*.

tampu 1. sj tumbuhan (pokok), mahang bulan, mahang serendit, *Macaranga hullettii*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), capak singa, *Melochia umbellata*;

~ *putih* = ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok), incung, kunduh, *Macaranga tanaria*; ~ *rengat* a) sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kayu lang, darat belut, *Mezoneuron sumatrana*; b) sj tumbuhan (pokok renek), *Rubus moluccanus*.

tampuk I 1. bahagian hujung tangkai tempat buah melekat: ~ *manggis*;

2. perhiasan sbg penutup (di atas, di pangkal, di hujung sesuatu): ~ *pending*; 3. gagang atau pegangan sesuatu alat (cerek, pistol, dll), tangkai yg kecil dan pendek: ~ *pistol*; 4. ki yg tertinggi (pimpinan sesuatu dll), yg utama, yg pokok, pucuk: *ia telah mengambil ~ pimpinan ASAS 50 sbg ketuanya yg pertama*;

~ *bantal seraga* penutup di hujung dan di pangkal bantal seraga (dibuat drpd emas, perak, sulaman, dll); ~ *caping* penutup kemaluan anak perempuan berbentuk daun sirih (dibuat drpd emas atau perak); ~ *cerek* pegangan cerek; (*memegang*) ~ *kuasa* (memegang) kuasa yg tertinggi; ~ *labu* a) tampuk buah labu; b) ark kelentit; ~ *lampu elektrik* soket tempat melekatkan mentol lampu elektrik, piting; ~ *manggis* a) tampuk buah manggis; b) ki perhiasan yg menyerupai tampuk manggis; (*memegang*) ~ *negeri* (*negara*) (memegang) pemerintahan negeri (negara); ~ *pemerintahan* kuasa yg tertinggi dlm pemerintahan; ~ *pimpinan* pucuk pimpinan, pimpinan yg tertinggi; ~ *pistol* gagang pistol; ~ *subang* bahagian subang yg dimasukkan ke dlm lubang cuping telinga; ~ *susu* lingkaran hitam sekeliling puting susu;

~*nya masih bergetah* ki ada mata pencariannya; *darah se~ pinang* ki masih muda benar dan kurang berpengalaman; *melanting menuju* ~ prb tiap-tiap usaha tentu ada maksudnya;

bertampuk ada tampuknya, memakai tampuk; ~ *bertangkai* prb ada bukti yg kuat;

bertampukkan menggunakan sesuatu sbg tampuk: *tiga lapis bantal susun, ~ emas berpermata.*

tampuk II; ~ *pinang* sj burung, burung bunga, *Calyptomena viridis*; c) sj burung, burung seluit, burung takau, *Calyptomena v. viridis*;

tampuk-tampuk sj ikan laut, *Gerres oblongus*.

tampung I; menampung 1. menadah sesuatu yg jatuh atau menitik:

baldi utk ~ air hujan; 2. menerima, memberi tempat utk: beliau telah memilih Irian Barat sbg tempat ~ penduduk Jawa yg berlebihan itu; 3. menerima dan mengurus (penganggur dll): bagaimanakah dapat ditampung mereka yg gagal di sekolah? 4. menerima dan mengumpulkan (hasil, bahan, dll): hilanglah segala media penerbitan yg selama sebelum perang banyak ~ hasil-hasil pengarang cerpen; 5. mengadang di jalan dan melawan (musuh yg menyerang dll), mencegat, memegat, menahan: serangan angkatan udara musuh dapat ditampung oleh kapal-kapal terbang kita; 6. menerima dan mengatasi (masalah dsb): ada cara utk ~ kemiskinan dan kekurangan diri; ~ doa bertadah amin;

menampungkan menampung dgn, menadahkan; ~ *tangan bertadah amin* (ketika berdoa);

tertampung dapat (berupaya) ditampung;

penampungan perihal menampung, penerimaan, penadahan;

penampung 1. alat utk menampung: *cawan ~ susu getah; 2. orang yg menampung (menguruskan sesuatu).*

tampung II 1. perca kain dll yg digunakan utk mengganti (menyambungkan) bahagian kain yg sobek; **2.** belang (pd kuda, lembu); *badak ~ tenuk;*

bertampung berganti (tempat yg sobek) dgn kain lain, bertampal, bersambung (dgn kain lain): *bajunya ~ tetapi bersih;*

menampung menampal dgn perca kain dll (utk mengganti yg koyak atau sobek), menampal: *bakul yg tembus ditampung dgn mengkuang*; ~ *lantai* mengganti papan lantai yg telah rosak.

tampung III ark; **menampung** menampar, menempeleng.

tampung IV; *burung* ~ *bajau* sj burung, bangau, pucung (padi), *Ardeola bacchus*.

tampung V; ~ *besi* sj tumbuhan (pokok renek), capal (kecil), nasi-nasi, *Callicarpa longifolia*; ~ *besi putih* sj tumbuhan (pokok), hati-hati ketan, kuping besi, tampang besi (merah), *Callicarpa cana*; ~ *tulang* sj tumbuhan (pokok), balai, hempedu buaya, malai, *Aralidium pinnatifidum*; ~ *urat* sj tumbuhan (pokok memanjat), patung urat, *Dunbaria scortechinii*.

tampur □ → □ **tempur**.

tampus Mn kuning kemerah-merahan.

tamsil 1. persamaan sbg umpama (misal), misalan, contoh: *satu ~ lagi, adalah keruh bumi ini umpama kelapa dlm air*; **2.** ajaran yg terkandung dlm sesuatu cerita, ibarat: *terkadang-kadang ia menyanyi dan melagukan pula beberapa gurindam yg mengandungi ~ dan ibarat*;

bertamsil menggunakan tamsil (contoh);

mentamsilkan menggambarkan sesuatu (sbg contoh), mengibaratkan, mengumpamakan;

tamsilan contoh, ibarat, persamaan, perumpamaan.

tamtam I Mn sj tumbuhan (pokok memanjat).

tamtam II ark sj gendang (Hindu).

tamtama perajurit.

tamu I 1. orang yg datang mengunjungi orang lain (menghadiri jamuan dll), pengunjung: *seorang ~ selalu diterima dgn sukacita*; **2.** orang yg datang utk membeli-belah di kedai (menginap di hotel dll):

*pelayan yg berdiri di belakang meja bar, sibuk melayani ---
lainnya; 3. tokoh spt karyawan, penulis, seniman yg ditempatkan
di sesebuah institusi (organisasi) utk menghasilkan karyanya:
Arena Wati menjadi karyawan ~ di Fakultas Sains Pembangunan
UKM; ~ agung pelawat yg termulia; ~ yg tidak diundang bp
pencuri, maling, perompak;*

bertamu pergi melawat, datang berkunjung: *banyak orang datang
~ ke rumahnya;*

menamu 1. pergi melawat, berkunjung, bertamu; 2. menjamu,
memperjamu, menyuguhi;

menamui datang melawat, mengunjungi;

ketamuan kedatangan tamu.

tamu II Br pekan (pasar) sehari.

tamuk sj ikan laut, *Mugil vaigiensis*.

tamyiz Ar dapat atau tahu membezakan antara baik dgn jahat, mumaiyiz;

mentamyizkan membezakan.

tan I ukuran berat yg bersamaan dgn 2240 lb (1016.05 kg) di Britain dan
2000 lb (907.19 kg) di Amerika Syarikat.

tan II Mn singkatan bagi sutan.

tan III Jw □ kep tidak; ~ *ada* tidak ada; ~ *beza* tidak berbeza.

tan IV Kd, Pn, bp kandang (kuda dll), bangsal: ~ *kuda yg di tengah
padang itu kotor sungguh.*

tan V singkatan bagi tangen (dlm ilmu hisab).

tan VI C; *main* ~ main ceki.

Tan VII; ~ *Dewa Sakti* Pr gelaran utk salah seorang orang besar di
Perak; ~ *Sri* gelaran utk orang yg menerima bintang Panglima
Mangku Negara atau Panglima Setia Mahkota dr Yang di-Pertuan
Agong.

tanah I 1. lapisan bumi yg di atas sekali: ~ *kaki tiang rumahnya pun digali, dibuangkan ke laut*; **2.** keadaan bumi di sesuatu tempat: *daerah itu subur ~nya*; **3.** bahagian permukaan bumi yg diberi bersempadan: *tiap-tiap seorang penduduk diberi ~ seluas lima ekar utk bercucuk tanam*; **4.** negeri, daerah, wilayah: *T~ Melayu; T~ Lampung*; **5.** bahan-bahan bumi (pasir, batu, dll) sbg campuran dgn bahan yg lain: *rumahnya tidak bertiang tinggi sbg rumah kita, ia cuma rumah ~ berdinginkan tanah liat atau tanah keras*; **6.** warna dasar (pd kain dll): *warna ~ baju yg dipakainya itu hitam; ~ air* a) negeri tempat seseorang dilahirkan; b) daerah yg di bawah sesuatu pemerintahan; ~ *bendang* tanah (utk) sawah; ~ *beroya* ark pasir yg hanyut; ~ *besar* tanah daratan yg luas sbg lawan pulau; ~ *cempaka* belerang kasar (ketul-ketul belerang yg diambil dr lombong); ~ *dangkal* tanah yg tidak subur; ~ *datar* = ~ *pamah* = ~ *rata* tanah yg rata (dataran); ~ *daun* = ~ *labu* ark tanah drpd daun-daun yg lama terpendam, humus; ~ *dingin* negeri yg berhawa dingin; ~ *gambut* = ~ *hitam* tanah yg bercampur dgn tumbuh-tumbuhan yg telah reput (banyak mengandungi karbon); ~ *gembur* tanah subur yg terdiri drpd campuran pasir dan tanah liat serta bahan-bahan organik lain; ~ *goyang* ark gempa bumi; ~ *haram* a) kawasan suci (Mekah, Madinah); b) tanah yg didiami tanpa kebenaran kerajaan; ~ *hidup* Id tanah yg diusahakan (ditanami); ~ *jajahan* negeri (daerah) yg dijajah oleh negara asing; ~ *kampung* perkarangan, kawasan rumah; ~ *kebun* tanah utk berkebun; ~ *kerajaan* a) tanah kepunyaan raja; b) tanah kepunyaan kerajaan; ~ *kering* a) tanah yg tidak diusahakan; b) huma, ladang; ~ *kompeni* tanah kerajaan di Negeri-Negeri Selat; ~ *kongsi* Id bahagian dr tanah persendirian yg tidak jadi tanah usaha; ~ *kosong* tanah yg tidak didiami atau diusahakan orang; ~ *kuburan* (*mati*,

perkuburan) tanah tempat menanam orang mati (mayat); ~ *kuripan* ark tanah kepunyaan orang perseorangan; ~ *kurus* Id tanah yg tidak berapa subur; ~ *lalang* kawasan tanah tinggal yg dipenuhi lalang; ~ *lanar* (Geog) tanah dll yg dibawa oleh air; ~ *lapang* kawasan yg hanya ditumbuhi rumput, padang; ~ *leluhur* Id negeri asal orang-orang yg mendatang; ~ *liat* tanah yg terdiri drpd zarah-zarah halus batu-batan yg luluh hawa; ~ *lombong* kawasan tanah utk menambang (melombong); ~ *mati* a) tanah yg tidak diusahakan lagi; b) tanah kuburan (perkuburan); c) kawasan tanah tandus yg disebabkan hakisan di Amerika Utara; ~ *menanjung* (*semenanjung*) tanah yg menganjur ke laut, jazirah; *T~Mengandung* Sri Menanti; ~ *mentah* Id tanah milik negara; ~ *merah* sj tanah liat berwarna merah yg mengandungi zat besi (biasanya digunakan utk membuat jalan); ~ *milik* tanah hak milik orang; ~ *milik bebas* tanah (ladang, estet) yg boleh dimiliki utk selama-lamanya; ~ *nampal* (*napal*) sj tanah liat yg boleh dimakan; ~ *nap* lumpur yg dibawa oleh air; ~ *negara* Id tanah kepunyaan kerajaan; ~ *partikelir* Id tanah milik tuan tanah (yg dibeli dr kompeni Belanda); ~ *pegangan pajak* tanah (ladang, estet) yg dipajakkan kpd seseorang (syarikat dsb) utk jangka masa tertentu; ~ *penganjur* tanah yg menganjur ke laut, tanjung; ~ *pekat* Id tanah liat; ~ *pinggir* tanah yg diberi kpd penduduk oleh kerajaan utk diusahakan (biasanya terletak di pinggir kampung); ~ *pusaka* tanah peninggalan nenek moyang, tanah yg diwarisi; ~ *rap* = ~ *rat* tanah yg telah siap utk ditanami; ~ *raya* benua; ~ *sewa* tanah yg disewakan (utk sewaan); ~ *suci* tanah atau negeri dianggap suci oleh penganut agama (spt Mekah bagi umat Islam dan Palestin bagi penganut agama Kristian dll); ~-*tanah* segala macam tanah; ~ *tinggal* tanah yg tidak ditanami atau didiami; ~ *tol* tanah yg diberi

kebenaran duduk sementara; ~ *tumpah darah* tempat dilahirkan; ~ *ulayah* tanah hutan yg belum diusahakan tetapi sudah bertuan; ~ *usaha* Id tanah milik yg diusahakan orang lain; ~ *wakaf* tanah yg didermakan utk kegunaan umum;

~ *lembah kandungan air, kayu bengkok titian kera* prb tiap-tiap sesuatu sebab yg ada itu akan mendatangkan sebab yg lain; *bagai* ~ *pelempar balam* prb usaha yg tidak sungguh-sungguh jika berhasil syukur jika tidak, tidak mengapa; *bukan* ~ *menjadi padi* prb sia-sia sahaja berusaha meninggikan darjat sesuatu yg tidak berharga lagi; *di mana* ~ *dipijak di situ langit dijunjung* prb hendaklah sentiasa menurut adat negeri yg didiami; *kalau digali* ~ *berbingkah*, ~ *berderai yg akan bertemu* prb usahlah dicari sangat siapa yg salah siapa yg benar dlm perselisihan di kalangan keluarga, tetapi carilah jalan utk menyelesaikannya dgn baik; *mendapati* ~ *tersirah* prb mendapati mayat sudah dikuburkan; *menimbun* ~ *yg tinggi, menggali* ~ *yg lekuk* prb membantu orang kaya dan menganiayai orang miskin;

bertanah 1. memiliki tanah, ada tanahnya: *cara Melayu* ~ *ialah selagi petani-petani itu menunaikan syarat-syarat yg dikenakan kepadanya, ia tidak boleh diusir dr tanah itu*; **2.** dipenuhi tanah, diselaputi tanah: *dia tidur dgn baju dan seluar yg ~*; **3.** ark berurat berakar, berakar berumbi;

mengetanahkan 1. menurunkan ke tanah, membawa ke tanah; **2.** ki menurunkan darjat (kehormatan dll); **3.** mengebumikan (mayat), menguburkan: *orang dr Pagai tidak akan melihat badan hamba diketanahkan.*

tanah II ark ukuran panjang yg bersamaan dgn enam kaki atau 1.8 meter, depa.

tanai Mn; menanai menatang, menating.

tanak; *juru* ~ = *tukang* ~ orang yg memasak, tukang masak; *minyak* ~ minyak kelapa;

bertanak 1. (sedang) memasak nasi: *ibuku sudah siap ~ dan menggulai*; **2.** yg ditanak; *nasi* ~ nasi yg ditanak (bukan dikukus); *bagai* ~ di *kuali* prb bermurah-murah kpd orang lain sehingga mendatangkan kesusahan kpd diri sendiri;

menanak 1. memasak nasi (dlm periuk, kawah, dll): *maka dia pun ~ nasi seperiuk kecil*; **2.** memasak sesuatu dgn merebusnya sahaja; ~ *kentang* merebus kentang; ~ *minyak* memasak santan kelapa utk dijadikan minyak; *ditanaknya semua berasnya* prb Mn perihal orang yg suka memperlihatkan kepandaian atau kebijaksanaannya di hadapan orang ramai;

menanakan menanak utk: *dia sempat ~ ibunya nasi sebelum pergi ke ladang setiap pagi*;

tanak-tanakan bermain masak-masak (bkn anak-anak);

mempertanak ark menanak (nasi);

petanakan sesuatu yg ditanak, masakan;

sepenanak = ~ *nasi* waktu yg lamanya serupa dgn lama orang menanak nasi (lebih kurang 20 minit);

penanak, pertanak sl orang yg menanak, tukang masak: *jikalau hendak disuruh jadi ~ nasi sekalipun redalah beta*.

tanam; *cucuk* ~ perihal tanam-menanam (bertani); *musim* ~ musim menanam padi;

bertanam 1. sedang bercucuk tanam, membuat pekerjaan pertanian: *kehidupan mereka itu memukat dan ~ padi*; **2.** sl mengubumikan, menguburkan mayat: *di bawah gereja itulah tempat orang Hollanda ~ orang mati*; ~ *cacar* bersuntik; *berkotek (berketuk) di luar sangkar*, ~ *di luar pagar* prb sesudah perkara selesai barulah terdengar keterangan atau aduan;

menanam 1. menaruh (mencucuk, menabur, dll) benih ke dlm tanah supaya tumbuh: *bendang ialah tempat ~ padi*; 2. menaruh sesuatu dlm lubang dan dikambusi dgn tanah, menimbuni sesuatu yg di dlm lubang dgn tanah, menguburkan (mayat, bangkai, dll): *ia menyumpah orang yg ~ barang letupan itu; maka baginda pun mangkatlah, maka ditanam orang hampir masjid*; 3. = **menanamkan** menyebarkan sesuatu ajaran (fahaman dll), membangkitkan dgn memupuk (semangat, perasaan, dll): *di sana beliau telah menanamkan semula benih-benih kebangsaan yg telah patah*; 4. memasukkan wang (modal) dlm sesuatu perusahaan dll, memodali, melabur: *ia telah ~ modal sebanyak RM600*; 5. menegakkan (kekuasaan), memperluas (pengaruh, kepentingan): *pihak Komunis sedang giat berusaha ~ pengaruh mereka di dunia sebelah sini*; 6. memasukkan benih penyakit ke dlm badan (utk mencegah drpd diinggapi penyakit), menyuntikkan, membiakkan (benih penyakit dll); 7. mempunyai niat, berhajat (utk berbuat sesuatu), berniat: *~ niat utk naik haji*; 8. mengangkat atau menempatkan (sbg wakil, pegawai, dll); 9. Pl, bp masuk ke dlm lumpur (ikan), membenamkan diri (dlm lumpur): *puas aku mencari ikan haruan tadi, sudah ~ agaknya*;

~ budi berbuat kebajikan (kebaikan) kpd; *~ modal* mengeluarkan modal utk sesuatu perusahaan, melabur; *~ semula* menanam pokok baru utk mengganti yg tua (getah); *bagaimana ditanam, begitulah dituai* prb tiap-tiap kejahatan itu, kejahatan jugalah akan balasannya;

tanam-menanam perihal menanam tumbuh-tumbuhan dll;

menanami menanam sesuatu di: *di atas pulau itu ditanami pelbagai kayu-kayuan, buah-buahan dan bunga-bunga*;

tertanam 1. sudah ditanam (ditanamkan), termasuk ke dlm, terbenam: *baru ia bertumpu hendak melompat maka ~ ke bumi hingga lehernya*; 2. ki tersemat di hati: *apabila ~nya iman dan terlaksananya usaha utk mendirikan masyarakat...*;

tanaman 1. tumbuh-tumbuhan yg biasa ditanam (spt ubi, keladi, dll), apa yg ditanam: *sebahagian drpd hasil ~nya dijual*; ~ *kontan* tanaman yg diusahakan dlm sesuatu kawasan tanaman utk mendapatkan hasilnya sementara menantikan hasil tanaman kekalnya; ~ *penutup* (Bio) tumbuhan (lazimnya drpd jenis rumput rampai) yg ditanam utk menghalang berlakunya hakisan serta mengekalkan kelembapan dan kesuburan; 2. sesuatu yg tertanam, pendaman;

tanam-tanaman berbagai-bagai jenis tanaman;

petanaman tempat menanam tumbuh-tumbuhan;

penanaman perihal menanam (menanamkan): *petani-petani dlm mukim tersebut bersetuju memulakan ~ padi jenis baru itu*; ~ *modal* perihal menanam modal, pelaburan;

penanam orang yg menanam (menanamkan); ~ *padi* pesawah; ~ *modal* orang yg mengeluarkan modal (wang dll) utk menjalankan perniagaan dll, pemodal, pelabur.

tanang I; **menanang** menatang, menating.

tanang II Mn tenang.

tanatologi kajian saintifik tentang kematian dan fenomena serta amalan yg berkaitan dengannya.

tanau; *burung* ~ a) sj burung, burung serindit, *Psittinus incertus*; b) sj burung, burung nuri, perling, pialin, pulin, serindit gajah, *Psittinus c. cyanurus*; ~ *ru* sj burung, burung kutub, *Megalaima zeylanicus hodgsoni*.

tanbiat Ar ramalan, tenungan.

tancam Mn tancap.

tancang Jk; **menancang** menambat, mengikat, mengebat.

tancap; ~ *gas* Id, bp menekan pedal minyak kereta utk melajukan jalannya;

menancap masuk terbenam atau tercucuk (pisau, anak panah, dll), menghunjam: *pohon itu masih terikat oleh akar-akarnya yg ~ di tanah*;

menancapkan menusukkan hingga masuk (pisau dll), mencucukkan, menghunjamkan: *kadang-kadang aku ~ tongkatku di sawah dan ikut serta pd pekerjaan memotong rumput dan menggali tanah*;

tertancap **1.** masuk terbenam, terpacak, terpancang: *belati Pendekar Sutan telah lebih dahulu ~ di lambung kirinya, mengenai jantungnya*; **2.** ki tidak bergerak lagi (kuasa dll), terhenti, tersangkut;

tancapan tikaman, tusukan.

tanda I **1.** lambang atau simbol yg digunakan dlm tulisan yg mempunyai erti tertentu: *kesilapan yg selalu dilakukan oleh kanak-kanak ialah meninggalkan ~ koma, noktah, seruan*; **2.** lambang dll yg digunakan utk mengenali (mengetahui, mengecam, dll) sesuatu; ~ *pangkat* tanda yg menunjukkan tingkatan dlm tentera dll; *papan* ~ papan nama sesuatu tempat (kawasan, syarikat, dsb); **3.** perbuatan (suara dll) sbg isyarat, isyarat: *ia mendehem sedikit akan jadi ~ bagi orang yg ada di atas rumah, bahawa ia telah datang*; **4.** alamat (akan berlakunya sesuatu dll): *jika ada laki-laki yg dapat mengembalikan kepercayaanku yg telah rosak ini, maka itu ~nya aku akan mati*; **5.** barang apa yg menjadi keterangan sesuatu perbuatan, bukti: *tidak ada ~~~ yg boleh dipegang yg menunjukkan ia mempunyai perhubungan dgn Kamal*;

6. hal yg menunjukkan sesuatu (penyakit dll), gejala: *ada tiga* ~
utk mengenali penyakit baka sawan ini;

~ *angka ganda* (Mat) angka yg menunjukkan beberapa kali sesuatu
angka digandakan; ~ *baca* = ~ *bacaan* tanda-tanda dlm tulisan
(vokal pd huruf Jawi, noktah, koma, koma bertitik, dll); ~ *bahagi*
tanda (□) yg menunjukkan bahawa sesuatu angka harus dibahagi;
~ *bahaya* tanda yg menunjukkan bahawa ada bahaya; ~ *bertunang*
cincin dll yg menunjukkan seseorang itu telah bertunang; ~ *beti*
bukti yg menunjukkan sesuatu kejahatan; ~ *bukti* pernyataan telah
berbukti; ~ *cema* bukti-bukti utk menuduh (mengadukan pd
hakim); ~ *cerai* Id sempang utk memisahkan suku kata (huruf dll);
~ *gambar* Id lambang utk sesuatu parti atau calon dlm pilihan raya;
~ *hayat* = ~ *hidup* = ~ *kenangan* = ~ *mata* barang pemberian utk
peringatan; ~ *hormat* isyarat utk menghormati seseorang; ~ *koma*
(,); ~ *kali* (*darab*) (x); ~ *kurung* (); ~ *kurung dakap* { }; ~ *kurung*
siku []; ~ *kutip* = ~ *petik* Id tanda pembuka kata (dlm tulisan "...");
~ *lahir* tompok yg biasanya berwarna merah atau coklat pd kulit
seseorang sejak lahir; ~ *mati* tanda ° pd tulisan Arab yg
menunjukkan bahawa sesuatu huruf itu mati; ~ *niaga* simbol (logo)
atau perkataan yg telah didaftar mengikut undang-undang sbg
tanda kepunyaan (hak) sesuatu kilang pembuatan (orang
perseorangan dsb); ~ *panah* tanda penunjuk (→); ~ *pangkat* tanda
yg menunjukkan pangkat (dlm tentera dll); ~ *penghubung* sempang
utk menghubungkan suku kata (kata); ~ *peringatan* barang yg
dipakai sbg peringatan; ~ *perpuluhan* tanda desimal; ~ *pundak*
tanda pangkat pd bahu; ~ *selar* cap besi bakar (pd kulit); ~ *serah*
wang perbelanjaan perkara menurut adat; ~ *seru* = ~ *seruan* (!); ~
tambah Id = ~ *campur* (+); ~ *soal* (?); ~ *sudut* (<); ~ *tanya* Id a)
tanda soal; b) hal yg belum terang lagi (yg masih memerlukan

penjelasan); ~ *terima (penerimaan)* surat tanda telah menerima wang dll, resit; ~ *tinggi* tanda yg menyatakan tinggi tempat (dr aras laut) dlm peta;

bertanda 1. ada tandanya, bercap dgn (tanda nama dll): *penutupnya ada ~ rusa, kotaknya dicetak dgn perkataan yg berbentuk lekuk dan warna-warni*; **2.** sudah bertunang;

bertanda-tandaan bertukar cincin tanda (sbg bukti sudah bertunangan);

menandai 1. membubuh tanda pd sesuatu (supaya dapat dikenali), memberi bertanda, menunjukkan (dgn tanda dll), membubuh cap, dll: *mana-mana yg amat penting isinya, lalu dinyatakannya atau ditandai, supaya segera diperlihatkan kpd tuannya*; **2.** membubuh tandatangan, menandatangani (surat dll); **3.** mengetahui atau mengenali sesuatu (dgn melihat tanda-tandanya), mengecam: *hal ini boleh ditandai dgn rasa mual, sakit pinggang, sesak nafas, kaki membengkok, dsb*; **4.** memerhati (melihat) dgn teliti, mengamati: *marilah engkau kutandai supaya engkau kukenal*; **5.** mencatat supaya diketahui: *pukul lapan pagi, Cikgu mulai ~ kedatangan kanak-kanak*;

menandakan 1. menyatakan atau menunjukkan (bahawa), menjelaskan: *kerusi-kerusi rotan telah kelihatan buruk ~ tidak berapa dijaga*; **2.** menjadi tanda (isyarat), memberi alamat bahawa: *ia berdiam diri itu ~ bahawa ia sangat marah*; **3.** memberitahukan dgn menggunakan tanda (isyarat), membubuh tanda supaya diketahui (dimaklumi dll): *panduan jalan raya ditandakan dgn papan-papan tanda*; **4.** membuktikan dgn: *tidak ada buktinya ~ ia berdosa*;

tertanda 1. dibubuh tanda; **2.** ditandatangani;

pertandaan alamat, gelagat, isyarat;

penandaan perihal menandai: *titik digunakan utk menggantikan koma dlm ~ perpuluhan di Indonesia;*

petanda, pertanda 1. tanda, alamat: *pertumbuhan badan-badan kesatuan sekerja merupakan ~ baik bagi membela nasib pekerja-pekerja;* **2.** (Palembang) ark pemberian ketika bertunang;

penanda apa yg digunakan sbg tanda, sesuatu yg menandakan: *lepaskan pula air dr dlm buret itu hingga sampai pd paras kertas ~ tabung uji kosong ini.*

tanda II algojo; → **pertanda.**

tanda III = **tanda-tanda** sj ikan laut, *Lutianus menostigma;* ~ jalur sj ikan laut, *Lutianus fulviflamma.*

tanda aras 1. (Tadb) sesuatu (piawai) yg digunakan utk membandingkan prestasi atau keluaran sesebuah organisasi dgn prestasi atau keluaran organisasi pesaing, dgn tujuan utk memperbaiki mutu atau prestasi organisasi yg berkenaan; **2.** (Geog) tanda rujuk yg digunakan sewaktu menjalankan tinjau selidik topografi;

penandaarasan perbuatan menentukan tanda aras.

tandai Mn tanda.

tandak 1. sj tarian Jawa (ditarikan oleh perempuan); **2.** = **penandak** (perempuan) penari tandak, ronggeng: *maka naiklah Raja Haji ke istana itu serta membawa anak gundiknya serta joget ~nya;*

bertandak, menandak menari: *ada yg melompat terkinjal-kinjal spt orang ~.*

tandan 1. tangkai pd buah-buahan yg bergugus (pisang, kelapa, pinang, dll); *se~* segugus (pisang, pinang, dll); **2.** = ~ ekor tempat tumbuh bulu ekor kuda (kerbau): *ekor kuda putih itu hitam se~nya* hitam seluruhnya;

bertandan ada tandannya;

bertandan-tandan banyak tandan: *buah kelapa keluar ~ di pangkal pelepahnya.*

tandang I lawatan (ke tempat orang, ke rumah orang, dll), kunjung; *orang ~ desa* orang yg mengembara atau merayau-rayau ke merata-rata tempat;

bertandang pergi bertamu ke (kpd, di), berkunjung: *ia selalu sangat ~ ke rumah orang; ~ desa* pergi mengembara atau menjelajah ke merata tempat; *~ diam* pergi berkunjung dan bermalam beberapa malam; *~ duduk* sl bertamu ke, berkunjung, melawat;

~ membawa lapik prb Mn berkunjung ke rumah sahabat dgn membawa bekalan dll sendiri; *bagai ~ ke surau = gagai ~ ke rumah meranda* prb berkunjung ke rumah orang dgn tidak dijamu apa-apa;

menandangi 1. pergi mengunjungi, melawat, menemui: *dilihatnya gadis-gadis lain ~ Khadijah*; **2.** ark mengembara, menjelajah;

petandang Mn orang yg suka bertandang;

pertandang; *orang ~* (Palembang) ark musafir.

tandang II; *~-tanding* Jw ark perbuatan (kelakuan, tindakan, dll), tindak-tanduk.

tandas I tidak ada lagi, habis langsung, hilang kesemuanya: *hartanya sudah ~; licin ~* habis kesemuanya;

menandaskan menghabiskan sama sekali; **tandus.**

tandas II 1. bilik khas (di tempat awam, sekolah, pejabat, dsb) tempat membuang air (yg dilengkapi dgn mangkuk tandas, sink, dsb), bilik air; **2.** sl tempat mandi (di sungai), permandian;

~ awam tandas utk kegunaan orang ramai; *~ bergerak* tandas mudah alih yg disediakan di tempat keramaian utk kegunaan orang

ramai; ~ *curah* sj tandas yg perlu dijirus dgn air utk mengalirkan najis ke dlm lubang yg ditutup.

tandas III Jk (dgn) jelas, (dgn) pasti dan tegas, nyata;

menandakan mengatakan dgn tegas.

tandas IV ark; **menandas** memenggal, memotong (kepalanya): *maka titah Yang Dipertuan Muda suruh tandas kepalanya, ceraikan drpd badannya itu.*

tandatangan nama (ringkasan nama) yg ditulis oleh orang itu sendiri:

pengantin lelaki itu pun menurunkan ~nya ke dlm buku Daftar Perkahwinan;

~ *balas* a) tandatangan yg diturunkan pd sesuatu dokumen, kontrak dsb yg sudah pun ditandatangani oleh orang lain; b) (Eko) tandatangan ejen berlesen atau wakilnya ke atas polisi insurans utk menjadikannya sebuah kontrak yg sah di sisi undang-undang; ~ *ringkas* tandatangan dgn huruf pertama (awal) nama sendiri;

bertandatangan ada tandatangannya, sudah dibubuh tandatangan;

menandatangani menurunkan (membubuh) tandatangan pd: *dlm bulan Mei 1606, orang Belanda ~ satu perjanjian dgn negeri Johor;*

penandatanganan perihal menandatangani (surat, perjanjian, dsb): ~ *perjanjian persahabatan antara kedua-dua buah negara tersebut telah dilangsungkan di Kuala Lumpur;*

penandatangan orang yg menandatangani (surat, perjanjian, dsb).

tandau sj ikan laut, *Scomberomorus spp.*

tandem basikal (sepeda) yg boleh dinaiki dua orang.

tandes □ → **tandas III**.

tandik ark sengat.

tandikat sj tumbuhan (pokok tempat lebah biasanya membuat sarang), *Canarium pseudodecumanum*.

tandil (Tamil) **1.** ketua kelasi di kapal, pembantu serang: *satu pasukan kelasi yg diarahkan oleh ~ dilihatnya membasuh dek*; **2.** pengawas atau ketua kuli (di perkebunan dll), mandur: *adat orang Jawa yg suka selamatan itu menjadi adat pula kpd ~~~ kuil Tionghua yg bekerja di perkebunan tembakau*; ~ *majahil (manjahil)* Mn ketua biduanda di istana yg membawa cermin kerajaan.

tanding I = tandingan 1. sesuatu yg seimbang (sebanding) dgn yg lain, banding, imbang, tara: *tentera Jepun itu tidak ada ~nya dlm keberanian*; *memang Mat Akil telah lama menjadi tandingannya*; *satu nikmat yg belum ada ~nya*; **2.** jodoh, pasangan, regu: *gadis itu sesuai untuknya, memang tandingannya*;

setanding sebanding, seimbang, setara;

bertanding 1. berlawanan, beradu (kuat, pandai, dll): *minggu hadapan pasukan bola sepak Melayu Johor akan ~ dgn pasukan Pulau Pinang*; *dia akan masuk ~ dlm pilihan raya yg akan datang*; **2.** ada bandingnya (toloknya, imbangannya, taranya, dll): *kekejaman mereka tiada ~ di muka bumi ini*; **3.** berlumba-lumba, bersaing: *sudah dapat ia duduk di kota bolehlah dia ~ dgn saudagar-saudagar besar*; **4.** berlawan seorang sama seorang: *hari ini dua lawan dua, besok ~*; ~ *hujung lidah bertengkar*;

menandingi melawan, menyaingi, mengimbangi: *pencabar dr Denmark itu tidak dapat langsung ~ kehandalan juara Malaysia*;

menandingkan 1. menjadikan sbg tandingan (lawan, imbangan); **2.** meletakkan berdekatan (utk mengetahui beza atau persamaan dll), membandingkan: ~ *keadaan sebelum dan sesudah perang*; *cubalah tandingkan gadis itu dgn bekas tunangannya, jauh perbezaannya, spt langit dgn bumi!*

mempertandingkan menjadikan bertanding (seseorang, sesuatu): *pertandingan tersebut terbuka kpd seluruh peladang utk ~ hasil-hasil tanaman mereka;*

pertandingan 1. perihal bertanding, perlawanan (bola dll), perlumbaan (berlari, berenang, dll), peraduan: *satu ~ menembak dgn menggunakan pistol akan diadakan di Jalan Padang Tembak;* 2. perihal bersaing, perlumbaan (utk mencapai kejayaan dll), persaingan; 3. perbandingan.

tanding II = tandingan 1. setompok barang dagangan (spt buah-buahan, kacang, dll), selonggok, setimbun: *se~ sampah ada di tepi jalan itu yg belum diangkat;* 2. ark Id sejumlah barang dagangan (yg tidak tentu banyaknya);

menanding membahagi-bahagikan dlm longgok-longgok: *~ buah langsung.*

tandon 1. (Sunda) barang yg diserahkan sbg cagaran hutang dll, barang tanggungan; 2. Jw barang persediaan.

tandu = tanduan 1. sj usungan (berupa kerusi, rumah-rumahan kecil, dll) utk membawa orang, joli: *maka menteri keempat pun menyembah, lalu keluar naik ~nya, kembali ke rumahnya;* 2. usungan utk mengangkut orang sakit (orang cedera dll): *orang yg cedera dlm kemalangan jalan raya itu diusung ke hospital dgn ~;*

bertandu diusung dgn tandu, naik tandu: *bonda Raja Mansor pun disuruh hantarkan ~ masuk ke dalam;*

menandu mengusung dgn tandu: *maka Bendahara Lubuk Batu ditandu oranglah dibawa lari, Selamat Gagah nama orang ~nya itu; orang yg cedera itu segera ditandu ke dlm motokar.*

tanduk I 1. dua benda keras yg tumbuh di kepala binatang (spt kerbau, lembu, dll), sj cula: *~ lembu; ~ rusa;* 2. drpd bahan tanduk (alat

perkakas dll): *sikat* ~; **3.** sesuatu yg berbentuk (berupa) tanduk: *pisang* ~;

~ *badur* = ~ *koyok* tanduk yg melengkung ke bawah; ~ *cakah* = ~ *empang* tanduk yg lurus mendatar; ~ *capah* tanduk lurus yg tumbuh mengangkang; ~ *julang* = ~ *tegak* tanduk yg lurus tegak tumbuhnya; ~ *kangkum* tanduk yg melengkung; ~ *ragum* tanduk yg pendek dan hujungnya hampir bertemu; ~ *tendang* tanduk yg satu tumbuh ke atas dan satu lagi melengkung ke bawah;

~ *di kepala tak dapat digelengkan* prb seseorang itu tidak dapat melepaskan diri drpd kewajiban sendiri; *bagai ~ bersendi gading* prb jodoh yg tidak sepadan; *bagai ~ diberkas* prb amat sukar menyatukan (orang yg berlainan fikiran dll); *bagai kerbau runcing* ~ = *runcing* ~ prb orang yg terkenal jahatnya sehingga jikalau orang lain yg membuat kejahatan orang menyangka dia juga; *menghendaki (menghendakkan) ~ kuda* = *minta ~ kpd kuda* prb menghendaki sesuatu yg tidak akan dapat; *sedepa ~ yg datang*, *sejengkal ~ yg menanti*, *payah juga yg datang* prb Mn perihal kesukaran berdagang ke negeri orang (tidak seberani anak negeri sendiri); *tak (dapat) ~ telinga dipulas* prb sanggup melakukan apa sahaja asal dapat membalas dendam;

bertanduk mempunyai tanduk, ada tanduknya;

(*menantikan*) *kucing ~* prb mengharapkan sesuatu yg tidak mungkin;

menanduk **1.** menyondol dgn tanduk (kerbau, lembu, dll); **2.** menyondol sesuatu dgn kepalanya, memukul dgn kepala: *pemain itu sedang ~ bola*.

tanduk II; ~ *batu* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Gouania javanica*;

tanduk-tanduk **1.** sj tumbuhan (pokok renek), lelada, *Ervatamia cylindrocarpa*; **2.** sj tumbuhan (pokok renek), jantung badak,

jelutung badak, merabung paya, restung badak, sembur badak, *Evartamia hirta*; **3.** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar bulu nenek kebayan, akar tanduk hitam, akar sewai, duduk kijang, *Strophanthus dichotomus*.

tandun ark; *zaman* ~ zaman dahulukala.

tandup Kd empangan air (di sungai dll).

tandur I Jw tanam; *musim* ~ musim menanam padi.

tandur II; *tali* ~ tali utk menaikkan bidai.

tanduri masakan ayam, daging dsb cara India yg dimasak di atas bara arang di dlm ketuhar tanah liat: *ayam* ~.

tandus 1. tidak ditumbuhi apa-apa (tanah); *padang* ~ padang yg tidak ada tanamannya; **2.** sedikit pun tidak ada lagi, habis langsung, licin-licau (wang, harta, dll);

menanduskan menyebabkan tandus;

ketandusan 1. perihal tandus, ketiadaan sama sekali: '*Dilema Melayu*' ditulis dlm *masa ~ daya dan kepapaan bangsa*; **2.** telah habis langsung (bkn idea, modal, bakat dsb), mengalami keadaan tandus, kehabisan: *universiti itu mempunyai ramai pelajar dan tidak ~ bakat; benarkah beliau telah diperalatkan oleh kumpulan serpihan yg sudah ~ idea perjuangan*.

tanfiziah Ar; *lajnah* ~ badan yg menjalankan (mengurus, mengelola) kerja sesuatu pertubuhan dll, jawatankuasa kerja.

tang I bunyi spt bunyi tin dipukul dll; □ → **dentang**.

tang II ark kep dr tentang (yg dimaksudkan tempat); ~ *mana* di (dekat) mana.

tang III IB sj alat penyepit, kakaktua.

tang IV IB kereta kebal.

tangan 1. anggota tubuh dr kepala bahu sampai ke hujung jari, anggota tubuh dr pergelangan tangan sampai ke hujung jari: *perahu sudah*

di air, pengayuh sudah di ~; 2. ki sesuatu yg menyerupai tangan atau yg digunakan spt tangan; 3. ki kuasa, pegangan, pengaruh, perintah: semua harta di ~ kita; kuasa memerintah negeri terletak dlm ~ rakyat;

~ baju bahagian baju yg membalut tangan, lengan baju; *~ besi* pemerintahan yg keras; *~ dingin* selalu menjadi perbuatannya (spt menanam pokok, mengubat penyakit, dll); *~ jahat* orang yg berbuat jahat (mencuri dll); *~ kanan* a) tangan sebelah kanan; b) pembantu yg terutama; *~ kosong* = *berhampa* ~ tidak mendapat (membawa) apa-apa; *~ naik* selalu menang dlm perjudian; *~ panas* segala perbuatannya selalu gagal, sial; *~ terbuka* a) suka menolong orang yg dlm kesusahan, murah hati; b) = *dgn ~ terbuka* (dgn) ikhlas atau suka hati (menerima sesuatu dll); *~ turun* selalu mendapat kerugian (dlm perjudian), tidak beruntung; *dr ~ ke ~ dr* seorang ke seorang;

~ bagai lipas kudung prb perihal orang yg tangannya tidak mahu diam (spt kanak-kanak); *~ kanan jangan percaya ~ kiri = luka ~ kanan oleh ~ kiri* prb jangan terlalu percaya pd sahabat kerana kerap kali sahabat juga yg mencelakakan kita; *~ mencencang (memetik) bahu memikul* prb kesalahan yg kita buat itu kita sendirilah yg menanggungnya; *~ penat memerah, pasu mendapat santannya* prb orang lain yg bersusah payah, orang lain pula yg mendapat nikmatnya; *~ yg celaka, kerja jatuh* prb beroleh kerugian kerana perbuatan ahli keluarga yg tidak senonoh; *dlm genggam* ~ *orang* prb di bawah kuasa orang lain; *digenggamnya ~nya* prb perihal orang kikir yg tidak sedikit pun sudi menolong orang yg sengsara; *makan ~* prb mendapat rezeki lebih drpd yg diharapkan;

tangan-tangan 1. kelek-kelek (kerusi); 2. selusur pd tangga; 3. tempat berpegang (pd basikal); 4. palang pd neraca dll;

tangan-menangan dr tangan ke tangan, bukan dr asalnya;

menangani 1. . mengerjakan (sendiri), membuat sendiri, mengusahakan: *pekerjaan yg berat-berat pun ditanganinya; masih belum ada sesiapa pun antara kita yg ~ bidang ini secara bersungguh-sungguh*; 2. = **menangankan** memukuli (dgn tangan) supaya jera, mengajar: *kalau tidak menangkan ketololan adiknya, tadi lagi sudah ditanganinya; suruh dia datang sekarang juga, kalau tidak akan aku tangankan*;

tanganan 1. tangan-tangan; 2. hasil drpd pekerjaan, buatan;

penanganan perihal (perbuatan, cara) menangani;

penangan pukulan dgn tangan: *sekarang suruh dia tampil ke muka, dan biar dia merasa ~ dr tanganku sendiri*.

tanggap Mn; **menanggap** menahan, menegah, menyekat: *tiada siapa pun yg boleh ~ kebebasan seseorang*.

tangar Jk hati-hati, awas.

tangas; **bertangas** memanaskan badan (dgn wap), mandi dgn wap (supaya berkeringat);

menangas mengasapi dgn wap, mengewapi, mengukus: *bahan-bahan itu dileburkan dan ditangas beberapa kali*;

penangasan perihal menangas, pengukusan;

penangas alat utk menangas atau bertangas.

tangeh (tangéh) Jw ark masih lama, masih jauh.

tangen (tan.gen) (Mat) 1. garis sentuh; 2. fungsi trigonometri bagi sudut tirus pd segi tiga bersudut tegak, iaitu nisbah antara sisi-sisi lebih pendek yg bertentangan dan bersebelahan dgn sudut.

tangerin sj limau kecil yg manis dan kulitnya mudah dikupas, *Citrus reticulata*.

tangga 1. tempat tumpuan kaki yg bertingkat-tingkat utk naik turun rumah dll: ~ *rumah; naik* ~; **2.** alat utk tumpuan memanjat (takuk pd pokok, sigai, dll), injak-injak; **3.** ki bahagian drpd sesuatu yg bertingkat-tingkat, peringkat, skala, tingkatan; ~ *bongsu* anak tangga yg bawah sekali; ~ *gaji* tingkatan gaji; ~ *nada* susunan nada yg meningkat naik bunyinya; ~ *pilin* = ~ *sulur batang* tangga yg berpusing; ~ *senigai (sigai)* tangga drpd sebatang kayu yg diberi bersigai; ~ *sulung* anak tangga yg di atas sekali; *tolak* ~ *berayun kaki, peluk tubuh mengajar diri* prb baik-baik dlm kesenangan dan pekerjaan yg berfaedah, tiba-tiba dilepaskan dgn sia-sia;

setangga; *orang* ~ orang yg tinggal berdekatan, jiran, tetangga: *barangkali engkau bertemu di sana dgn orang* ~ *kita*;

bertangga 1. ada tangganya, memakai tangga; **2.** ki berperingkat, bertingkat-tingkat: *kanak-kanak ini kemudiannya dibimbing supaya mengenal buku-buku klasik secara* ~; *berjanjang naik, ~ turun* prb menurut darjat dan kedudukan masing-masing;

bertanggakan menggunakan sesuatu sbg tangga: *pondoknya yg ~ buluh.*

tanggah I ark sl mata wang Parsi zaman dahulu.

tanggah II; penanggah, penanggahan sl rumah dapur.

tanggak tagak.

tanggal I terlepas dr tempatnya lalu jatuh atau gugur, lucut, luruh (daun dll), terkelupas (keropeng kudis dll): *giginya* ~; *kulit ular* ~ *sekali setahun*;

menanggali 1. mengupas, melucuti (baju dll): *ia* ~ *pakaiannya*; *mereka sudah* ~ *atap rumah itu*; **2.** membongkar (jentera);

menanggalkan menjadikan tanggal, membuka (pakaian dll), meluruhkan, melucutkan, mencabutkan: *ia bangun lalu ~ kemejanya; sebelum masuk ia ~ kasut.*

tanggal II; penanggalan sj hantu yg tidak berkepala (perutnya berjelajela): *adapun ~ itu suka meminum darah orang beranak.*

tanggal III Id bilangan yg menyatakan hari keberapa dlm bulan tertentu, tarikh, hari bulan: *mereka gajian sbg kuli pengangkat sampah dua kali sebulan, tiap-tiap ~ tiga dan delapan belas; di bawah tandatangan itu dicatat namanya dgn terang, dan ~ hari itu; ~ muda awal bulan; ~ tua akhir bulan;*

bertanggal ada tanggalnya, bertarikh, berhari bulan: *berita itu ~ 21 Julai;*

menanggalkan, menanggali ark membubuh tanggal (tarikh), memberi bertanggal, mentarikhkan;

tertanggal bertanggal, bertarikh, diberi tanggal, dibubuh tanggal;

penanggalan **1.** daftar hari bulan, almanak, kalender, takwim; **2.** perihal membubuh tanggal; **3.** tarikh.

tanggam **1.** sambungan kayu yg bertakuk-takuk supaya rapat dan teguh; **2.** sj penyepit (drpd besi);

bertanggam **1.** bersambung rapat (kayu dll); **2.** ki berhubungan rapat dan erat; ~ *muka* berhadapan (bertemu) muka;

menanggam **1.** menyambung kayu dgn takuk-takuk; **2.** ki menyambung atau menghubungkan erat-erat (spt mengahwinkan dll); **3.** menyepit dgn tanggam besi.

tanggung Mn; bertanggung; ~ *malam* berjaga, tidak tidur;

menanggung menahan, mencegah, mengekang; ~ *anak* tidak menyusui anak; ~ *mata* berjaga, tidak tidur; ~ *suami (isteri)* tidak memberi kebebasan kpda suami (isteri); ~ *perut* berpuasa.

tanggap I; menanggapi 1. memerhatikan (melihat, mendengar) dgn teliti, memerhatikan sungguh-sungguh, mengecek; **2.** ark menyuruh memainkan (pertunjukan, wayang gambar, dll) di rumah sendiri dgn membayar upahnya; **3.** menangkap atau menerima dgn pancaindera (spt melihat, mendengar, merasai, dll), mencerap;

bertanggapan mempunyai tanggapan;

menanggapi 1. menerima atau menyambut: (kata-kata, kecaman, dsb): *Panitia Ejaan berusaha ~ reaksi-reaksi itu dan jawaban-jawaban yg dimuat dlm karangan ini*; **2.** memahami: *politik antarabangsa ditanggapi sbg perbuatan merebut kuasa di kalangan semua negara*;

menanggapi ark membayangkan atau menggambarkan dlm hati (fikiran);

tanggapan 1. apa yg diterima oleh pancaindera, gambaran (bayangan) dlm hati, cerapan: *sifat pedas adalah ~ indera perasa, dipertunjukkan juga pd suara atau kata; suka saya bincangkan satu persoalan yg menunjukkan satu kekeliruan terhadap ~ isi kebudayaan ini*; **2.** = **tetanggapan** pertunjukan (wayang golek dll);

penanggapi perbuatan (cara dsb) menanggapi, pencerapan;

penanggapi orang yg membuat tanggapan terhadap sesuatu;

tanggap II Id ark pasif; *kalimat ~ kalimat pasif*.

tanggar I Jh; **menanggar** memikul, menggalas (beban dll);

tanggaran pikulan, beban.

tanggar II ark; **menanggar** menyanggupi (pekerjaan dsb).

tanggar III Br; **bertanggar** bergalah ke mudik.

tanggu Jk tangguh.

tangguh I pengunduran waktu (utk mengerjakan sesuatu, membayar hutang, dll), penundaan waktu; *tenggang-~* batasan waktu;

bertanggung 1. minta tempoh, minta diundurkan waktu: *wang bakinya ia ~*; 2. berlambat-lambat, berleengah-leengah, ayal: *dgn tiada ~ dan tiada tawar-menawar lagi si Tenggang telah membeli barang-barang itu*; 3. tidak mahu, enggan: *dia ~ menemui orang tua itu*; 4. menunggu hingga ke masa lain, menanti: *ayahanda ~lah dahulu tiga puluh dua hari menghimpunkan rakyat tentera ayahanda*;

bertanggung-tanggung selalu bertanggung, berleengah-leengah: *dia juga sedar, waktu maghrib akan berakhir jika dia ~*; *agaknya sudah menjadi tabiatnya suka ~ apabila disuruh membuat sesuatu kerja*;

menangguhkan, mempertangguhkan 1. mengundurkan (waktu), menunda waktu (sampai, hingga): *Dewan itu mempunyai peraturan-peraturan yg tertentu, peraturan ~ mesyuarat dan peraturan meluluskan undang-undang*; 2. sengaja melambatkan, melengah-leengahkan (waktu dll), menghulur-hulur (waktu): *perkara itu telah terlalu lama ditangguhkan*;

tertanggung tertunda, terhalang, terhenti, terlambat;

pertanggung janji (utk mengundurkan waktu), ~ *waktu bayaran*;

penangguhan perihal menangguhkan (waktu dll): *setiausaha pertubuhan itu menyatakan rasa dukacitanya di atas ~ mesyuarat itu*.

tanggung II 1. sukar ditewaskan, kuat: *tenteranya yg ~ serta berani*; 2. teguh (pendirian), tabah dan tahan (menderita dll), kukuh: *pemimpin yg ~*;

ketangguhan kekuatan, kekukuhan, keteguhan, keuletan.

tangguk 1. sj bakul drpd rotan atau jaring yg berbingkai (utk menangkap ikan, udang, dll): *ikan di kawasan itu ditangkap dgn tangan atau dgn ~*; 2. ki tipu muslihat (utk memerangkap, memikat, dll);

~ *rapat keruntung bubus* prb perihal suami isteri yg tidak bersetujuan sifatnya (suami banyak mendapat wang tetapi isterinya boros); *bagai ~ lerak dgn bingkainya* prb suami isteri yg tidak pernah bercerai sampai ajalnya;

menangguk menangkap (ikan dll) dgn tangguk: *abang ke sungai ~ udang*; ~ *hutang* menagih hutang;

~ *di air keruh* prb mencari keuntungan dll sementara ada kekacauan (perselisihan dll); *hendak ~ ikan, tertangguk akan batang* prb hendakkan laba tetapi jadi rugi;

tertangguk kena ditangguk, tertangkap dgn tangguk;

~ *pd ikan dikeruntungkan*, ~ *pd ular dikeruntungkan juga* prb buruk baik diterima sahaja setelah dimuafakati beramai-ramai;

penangguk 1. orang yg menangguk; 2. alat utk menangguk.

tanggul I □ → **anggul**.

tanggul II Jw tambak utk menahan air (di tepi sungai dll), permatang: *apakah yg dibuatnya di ~ pd jam itu?*

menanggul membuat tanggul pd, menambak.

tanggulang Jw penghalang, penahan;

menanggulangi 1. membubuh tanggulang, menahan dgn tanggulang; 2. ki menghadapi, menyekat, menghalang.

tanggung I 1. = **ditanggung** dijamin (kebaikannya dll), sudah tentu: *pekerjaannya ~ baik*; 2. bp = **menanggung**; ~ *badan Sr* mas kahwin yg belum dijelaskan ketika akad nikah (tetapi mesti diselesaikan ketika bercerai);

menanggung 1. membawa di atas bahu (barang yg berat-berat), memikul, menggalas: *pelawat-pelawat penuh sesak, ada yg ~, ada yg berjunjung dan ada yg berkelek*; 2. mengalami (kesusahan dll), menahan, menderita, tertimpa (oleh): *perusahaan itu ~ kerugian besar; tuan pergi janganlah lama, tiada kuasa ~ rindu*; 3. ki

membawa, memegang, menaruh, menyimpan: *dapatkah manda ~ rahsia hamba?* **4.** (sanggup) memikul biaya atau perbelanjaan (yg tertentu), mengurus, membiayai, menyelenggarakan: *mereka sudah besar, tidak wajib lagi dia ~ nafkah begitu; aku telah ditanggungnya makan minum;* **5.** memikul, menghadapi, mempunyai: *kita ~ hutang sampai anak dah beranak enam pun hutang belum lagi selesai;* **6.** menjaga (keselamatan dll), memberi jaminan (akan): *kerajaan ~ keamanan dan ketenteraman rakyat;* **7.** memberi akuan tentang kebaikan (keaslian dll) sesuatu, menjamin: *kalau hendak bekerja di sini kamu harus mempunyai dua orang yg ~; barang-barang ini ditanggung baik;* **8.** memberi akuan tentang kepastian sesuatu, memastikan bahawa ...: *saya berani tanggung dia akan menang;* **9.** memberi perakuan akan memenuhi kewajiban orang lain jika orang itu enggan memenuhinya, menjamin: *siapa yg ~ pinjamanmu tempoh hari?* **10.** memikul segala tanggungjawab, bertanggungjawab: *berani buat tidak berani tanggung;*

~ budi menaruh budi; ~ dendam menyimpan dendam; ~ kasih berasa wajib membalas kasih (orang); ~ malu merasai malu; ~ ragam Mn mengalami bermacam-macam percubaan; ~ rahsia menyimpan rahsia; ~ rindu menaruh rindu;

tanggung-menanggung **1.** saling menanggung (menjamin dll); **2.** semua urusan menanggung;

menanggungkan, mempertanggungkan **1.** memikulkan sesuatu beban (tanggungjawab dll) kpd, membebankan kpd: *kerja-kerja yg ditanggungkan kpd baginda itu tersangat berat;* **2.** menyerahkan barang dll sbg cagaran (jaminan), mencagarkan, menggadaikan: *dia terpaksa ~ hartanya utk membayar hutang;*

tertanggung dapat ditanggung, terderita, terjamin, terpikul; *tidak ~*
a) tidak terderita; b) tidak dijamin dll;

tanggungan 1. sesuatu yg mesti ditanggung, kewajiban, tanggungjawab: *hak dan ~ ahli-ahli pertubuhan*; 2. jaminan: *dgn ~ siapakah engkau mendapat pinjaman itu?* 3. barang dll yg digunakan sbg jaminan hutang dll, cagaran: *apa ~mu utk berhutang itu?* 4. penderitaan, beban: *segala-galanya itu akan menambahkan lagi ~ rakyat*; 5. orang yg mesti ditanggung (keselamatannya, nafkahnya, dll): *cukai ini berbeza dr seorang ke seorang mengikut banyak pendapatan orang itu dan ramai orang yg mesti menjadi ~nya*; 6. akibat perbuatan yg mesti dipertanggungkan, risiko: *kalau engkau kalah nanti, itu ~mu sendiri*; ~ jiwa (kebakaran) Id insurans; 7. (Udg) kewajiban yg dikenakan terhadap seseorang di bawah undang-undang;

ketanggungan sl apa yg ditanggung, tanggungjawab, tanggungan: *jikalau kita kalah, bukanlah jadi ~ kpd kita semuanya*;

berketanggungan bertanggungjawab, berkewajiban: *marilah kita menuntut kpd pihak-pihak yg ~ dlm agama Islam*;

pertanggungan 1. tanggungan, tanggungjawab; 2. jaminan; 3. insurans;

penanggungan 1. apa yg ditanggung, penderitaan, kesengsaraan: *dia sangat mengambil berat terhadap kehidupan rakyat jelata dan ~ mereka*; 2. perihal menanggung: *bagaimanakah ~ hati seorang perempuan yg hidup sebatang kara*;

penanggung 1. orang yg menanggung (menjamin), penjamin; 2. orang yg memegang polisi insurans; 3. orang yg menderita, penderita; 4. (Eko) organisasi atau orang yg dilantik utk menguruskan pembubaran sesebuah syarikat.

tanggung II 1. lebih drpd sedang tetapi belum cukup besarnya (tingginya dll); *anak* ~ anak yg hampir dewasa; ~ *bulan* sesudah pertengahan bulan (utk menyatakan ketiadaan wang); **2.** = *kepalang* ~ = **tanggung-tanggung** tidak mencukupi keperluan, kurang sempurna, setengah-setengah: *bekerja jangan* ~.

tanggungjawab kewajiban yg dipikul oleh seseorang, segala yg wajib ditanggung: *oleh sebab itu segala pegawai polis teramat berat* ~nya;

bertanggungjawab 1. = ~ *atas* (*terhadap, tentang, dlm*) mempunyai tanggungjawab terhadap, memikul tanggungjawab, berkewajiban: *siapakah yg ~ atas kekalahan kita?* **2.** = ~ *kpd* menanggung segala-galanya, menanggung sesuatu kpd: *kakitangan* ~ *kpd* majikan mereka; *kedua-dua pihak sama* ~;

mempertanggungjawabkan 1. memberikan jawapan dan menanggung segala akibatnya (sekiranya tidak beralasan, tidak munasabah, dsb): *ia mengeluarkan kata-kata yg tidak dapat, dipertanggungjawabkan*; **2.** = ~ *kpd* memikulkan tanggungjawab (kpd), membebankan tanggungjawab kpd: *pendidikan kanak-kanak dipertanggungjawabkan kpd guru*; **3.** menjadikan bertanggungjawab (*atas, terhadap, dll*): *mereka sama-sama dipertanggungjawabkan oleh agama utk melaksanakan segala perintah Tuhan*;

kebertanggungjawaban perihal (sifat) bertanggungjawab: ~ *setiap individu dlm membuat kebajikan*;

pertanggungjawaban 1. perihal bertanggungjawab; **2.** sesuatu yg dipertanggungjawabkan: *kita telah sampai kpd ~ tentang pendapat kita*;

penanggungjawab orang yg bertanggungjawab.

tangis I mencururkan air mata dgn sedu-sedan utk melahirkan perasaan sedih (pilu dll): *~nya timbul dgn tiba-tiba;*

bertangisan, bertangis-tangisan saling melahirkan perasaan sedih (pilu dll) dgn mengeluarkan air mata dan sedu-sedan: *mereka dapat mengenali satu sama lain dan bertangis-tangisanlah sebab sukacitanya;*

menangis melahirkan perasaan duka dll dgn mencururkan air mata dan sedu-sedan dll: *ia masih gementar ketakutan dan ~ sedan-sedan; ~ daun bangun-bangun hendak sama dgn hilir air prb perbuatan yg sia-sia hendak menyamai orang lain yg lebih daripadanya; dipujuk ia ~ ditendang ia tertawa prb orang yg baru bekerja dgn baik dan sempurna sesudah ia dimarahi;*

menangisi 1. menangis pd, menangis akan: *apakah Halimah sudah tertidur atau masih ~ adiknya; 2.* ki menyesali, bersedih hati kerana: *~ kehormatannya yg telah hilang;*

menangiskan 1. menangis kerana (tentang), menyayangkan, menyesalkan: *janganlah tuanku, kiranya, tersangat ~ orang yg pergi ke hutan; 2.* menyebabkan menangis, sengaja menangis: *apa ditangiskan budak-budak itu?*

mempertangis menjadikan menangis (dgn memukul dll): *sayang akan anak dipertangis, sayang akan bini ditinggalkan;*

tangisan apa yg ditangisi (diingini dll), tangis: *dia tidur kini walaupun berapa kuat ~ isterinya;*

penangis (orang yg) mudah atau suka menangis: *~ benar budak itu.*

tangis II; *~ (tangisan) burung sj tumbuhan (pokok renek), akar cincin, akar kuayah, akar membur, akar tulang daeng, akar (se)nyamuk, akar tukar, akar tupai-tupai, hisap nanah, Connarus semidecandrus.*

tangkai I 1. gagang pd buah (bunga dll): *buah itu mempunyai ~ yg pendek; ~ daun;* 2. batang pokok tumbuhan yg kecil-kecil: *~ kecambah;* 3. penjodoh bilangan utk bunga: *se~ bunga;* 4. tempat memegang sesuatu alat, batang (cangkul, tombak, dll), gagang, hulu (pisau dll): *~ cangkul;*
~ bedil gagang bedil; *~ cerek* tampuk cerek; *~ dayung* batang dayung; *~ embun* ki sesuatu yg tidak kukuh; *~ hati* ki kekasih; *~ jering* = *~ kering* ki orang yg kedekut; *~ pena* gagang pena; *~ timba* pemegang timba; *~ tombak* batang tombak;
bertangkai mempunyai atau memakai tangkai: *dia hanya sempat mengutip buah rambutan yg ~ sahaja; senduk kayu yg ~ panjang digunakan utk mengacau jem.*

tangkai II; tangkaian ark tempat menyimpan padi, lumbung, rengkiang.
tangkal = **penangkal** sesuatu yg digunakan utk menolak bala (penyakit, hantu, jin, dll), azimat: *~ bisa; ~ jin; ~ sawan;*
~ sehari bulan azimat yg berbentuk bulan sabit (drpd emas, perak) yg digantungkan di leher kanak-kanak; *~ petir* besi pd bumbung rumah dll yg dihubungkan dgn kawat ke tanah utk menjauhkan bahaya petir;
menangkal menolak bala (hantu, jin, penyakit, dll) dgn azimat dll: *pisau dicabut dan Tun Mudim ~ dan menjampi.*

tangkap; *~ basah* ditangkap ketika seseorang sedang melakukan kesalahan (khasnya dlm kes khalwat); *~ buta* ki menuduh orang dgn sembarangan sahaja; *~ gambar* mengambil gambar; *~ gunting* sj gerakan utk mengenakan lawan dlm silat; *~ lelong* membeli barang yg dilelong; *~ muat* mengambil mana yg sempat (ada) sahaja; *~ wap* tidak berhasil atau sia-sia sahaja (perbuatan);

bertangkap sl berkelahi seorang melawan seorang, bergelut, bergomol, bergusti: *kedua-duanya ~, bergigit sama bercucuran darah;*

bertangkap-tangkapan saling bertangkap (bergelut): *dua ekor harimau yg tengah ~ dgn hebat;*

menangkap 1. memegang sesuatu dgn tangan atau alat, memegang sesuatu yg bergerak cepat dll (dan tidak melepaskannya), memerangkap binatang dsb: *sukar utk ~ harimau; tempat ~ ikan;*

2. menadah atau menyambut barang yg bergerak cepat atau yg dilemparkan: *kamu dapati susah sangat hendak ~ bola apabila sebelah mata kamu ditutup;* **3.** mendatangi (menemui dsb) dan menahan orang yg berbuat kejahatan (melakukan perbuatan jenayah dll), memberkas: *sebaik-baik dia membuang pistolnya sahaja, mata-mata gelap itu ~nya;*

4. mengambil sbg tawanan, menawan: *maka lasyaknya hulubalang kedua itu semuanya habis dapat ditangkap oleh rakyat;* **5.** menerima atau memetik (siaran radio dll): *pembicaraan ini dapat ditangkap melalui mikrofon kita yg tersembunyi;*

6. menerima atau dapat mengerti (memahami, mengetahui, dll): *dia masih tidak dapat ~ maksud kata-kata pengemis itu;* **7.** mencerap (dgn pancaindera), menangkap: *hanya beberapa orang yg dapat ~ maksud kata-katanya;*

8. memberi hasil, mengena (pancing, jerat, dll): *kailnya tidak ~;*

~ angin ki tidak mendapat hasil sedikit jua pun; *~ bayang-bayang* sia-sia sahaja;

menangkapi menangkap berkali-kali, menangkap banyak-banyak, banyak yg ditangkap: *semua penjahat perang ditangkapi;*

menangkapkan menangkap sesuatu utk orang lain;

tertangkap sudah ditangkap, terdapat, terkena (jerat dll), tertahan, tertawan; *~ basah* = *~ tangan* ditangkap (diketemui) sedang

melakukan sesuatu (biasanya kejahatan); ~ muka bertemu muka dgn tiba-tiba;

tangkapan 1. apa yg ditangkap, pendapatan menangkap, mangsa, tahanan: *telinganya menangkap sesuatu yg menarik hati, tetapi ~ itu kurang jelas*; **2.** dlm keadaan tertangkap, dlm tahanan: *selepas drpd ~, aku sedar bahawa perjuangan kita hanya perjuangan kosong sahaja*;

ketangkapan (kena) penyakit yg datang dgn mengejut (dan boleh menyebabkan orang yg menghidapinya mati), apopleksia;

penangkapan perihal menangkap, pemegangan, penahanan, dll: *pakatan sulit itu gagal dan ~ beramai-ramai telah dijalankan*;

penangkap 1. orang yg menangkap; ~ ikan nelayan; **2.** alat utk menangkap; ~ suara alat utk menerima suara;

sepenangkap sehasta (dr siku hingga ke buku jari).

tangkar ark tengkar.

tangkas 1. cepat (gerak-geri), cekatan, cergas, cepat, pantas: *ia berjalan dgn ~*; **2.** gesit, giat, sigap: *perjuangan antara dua orang pahlawan itu sangat hebat, mereka sama ~ dan sama pandai*;

ketangkasan perihal tangkas, kecekatan, kecepatan, kecergasan, kepantasan, kesigapan: *anak-anak muda kelihatan kagum melihat ~ kedua-dua teman mereka*.

tangki I tempat menyimpan minyak (air dll), kolam air, teng;

kapal ~ kapal utk mengangkut minyak (tanah); ~ *najis* tangki septik; ~ *septik* tempat menakung najis, air kumbahan dsb (biasanya di bawah tanah) yg dapat diuraikan melalui tindakan bakteria.

tangki II sj tumbuhan (herba), akar keman hantu, keman air (gajah), kangkung puteri, *Neptunia prostrata*.

tangkil I; menangkil sl menghadap (raja dll).

tangkil II; menangkil ark mengatur berbanjar-banjar.

tangkil III; bertangkil-tangkil bertindih-tindih, berlapis-lapis, bertindan-tindan.

tangkil IV Jh; **menangkil** mengelakkan tubuh supaya jangan kena pukulan.

tangkis tangkisan: *Terung Pipit pun tersalah ~ penikam Tengku Sultan; bulu ~ sj permainan spt tenis dan menggunakan sj bola drpd bulu ayam, badminton;*

bertangkis-tangkisan saling mengelakkan pukulan dll drpd lawan: *maka kedelapan hulubalang berpalikan cokmarnya ~;*

menangkis 1. menepiskan atau mengelakkan pukulan musuh dgn tangan (alat, senjata, dll): *segera ditikamnya, maka ditangkis baginda; maka ditangkisnya dgn perisainya; 2.* membalas dan melawan serangan, mematahkan serangan musuh: *mereka akan diberi penerangan oleh pegawai-pegawai utk ~ serangan musuh; 3.* menjawab atau membalas (kritikan, tuduhan, dll), membantah, menolak: *dia hanya tersenyum kerana tidak dapat ia hendak ~ tuduhan itu;*

menangkis-nangkis menangkis berturut-turut atau berulang kali;

tangkis-menangkis saling menangkis: *maka kedelapan hulubalang itu bertetakan mata pedang ~ ;*

tertangkis dapat ditangkis, terelak: *dia terpaksa menghadapi pelbagai kritik yg tidak ~ olehnya;*

tangkisan gerakan menangkis (serangan dll), hasil menangkis;

penangkisan perbuatan menangkis: *suara sorak-sorai kian gemuruh mengikuti setiap suara ~ yg didengar dr dewan itu;*

penangkis alat utk menangkis: *dua ketumbukan askar ~ Jepun dgn satu pasukan kereta kebal telah mendarat di utara Tanah Melayu; meriam ~ meriam utk menangkis serangan kapal terbang.*

tangku-tangku sj tiram, *Magnavacula macroptera*.

tangkue (tangkué) C sj manisan yg dibuat drpd labu dll.

tangkuk Mn ark; **menangkuk** telangkap, menangkap; □ → **tangkap, tungkup**.

tangkul sj jaring yg berbingkai yg ditahan di dasar sungai atau laut dan diangkat (utk menangkap ikan); *pukat* ~ sj pukat yg besar utk menangkap ikan di laut;

menangkul menangkap ikan dgn tangkul.

tangkung Br sj alat bunyi-bunyian drpd buluh.

tangkap; setangkap 1. = ~ *tangan* sebanyak yg dapat diambil dgn kedua-dua belah tangan yg ditangkupkan, seraup; **2.** sama ukurannya (besarnya, bentuknya, dll) kedua-dua belahnya, simetri; **3.** seimbang, selaras: *memetik kata-kata Noam Chomsky, “supaya ~ perkembangan bahasa dgn kemajuan ilmu”*;

bertangkap 1. kedua-dua belah boleh tutup-menutup (bibir, kulit lokan, dll), bertelangkap; **2.** bertelangkap, bertelungkup: *atapnya ~ bagaikan sebuah tudung saji menutup juadah*; **3.** menjadi rapat bercantum: *kita sedang berusaha sekarang ini supaya retak ~ balik*;

menangkap 1. tutup-menutup atau bertaup dgn rapat (bkn dua benda dll), mengatup: *mulutnya ~*; **2.** menelungkup, meniarap, tengkurap: *maka ~lah dia mencium tanah kubur itu berulang-ulang*; **3.** menutupi (dgn sesuatu yg jeluk dll), menyungkup, menudungi: *dgn kedua-dua belah tangan ia ~ mukanya*;

menangkupkan meletakkan menangkap, menelungkupkan, meniarapkan: *cangkir itu ditangkupkannya di atas meja; dia pun meniarap ~ mukanya ke bantal*;

menangkup-telentangkan 1. meletakkan menangkup dan menelentang bergilir-gilir, membolak-balikkan; 2. ki menimbangkn dgn hati-hati;

tertangkup sudah ditangkup, telungkup, tertiarap: *sebuah buku berkulit tebal ~ di atas mukanya; ~ sama termakan tanah, terlentang sama terminum air* prb orang yg mahu sehidup semati (mahu sama menanggung susah dan sengsara).

tangkur Jk sj binatang laut, kuda laut, unduk-unduk.

tangkut Mn ark; **menangkut** menangkup, menelungkup.

tanglar Kd berbuat sesuatu yg sumbang di hadapan orang (makan di muka khalayak ramai pd siang hari dlm bulan puasa dll).

tanglin sj tumbuhan (pokok), gapis, talan, tengalan, *Saraca spp.*

tanglung I C lentera kertas, teng: *beberapa dian dan kandil ~ tergantung pd penjuru peseban itu; ~ berjentera tanglung yg sentiasa berputar-putar.*

tanglung II Br bahagian alat tenun.

tango 1. sj tarian (oleh dua orang) yg berasal dr Amerika Selatan; 2. muzik utk tarian ini.

tangsa Mn ark sj rebana utk mengarak tabut; **tasa**.

tangsel Jk ganjal, baji, sendal, sumbat;

menangsel membubuh tangsel pd sesuatu; membaji, mengganjal, menyendal;

~ *mulut* a) mengisi mulut (dgn makanan); b) menyumbat mulut; ~ *perut* bk mengisi perut, makan.

tangsi I 1. asrama (polis, tentera), berek: *kira-kira setengah jam kemudian sampailah mereka ke ~ polis; anak ~ anak serdadu*; 2. ark bp penjara.

tangsi II = *tali* ~ tali yg dilumas dgn lilin (utk tali kail dll).

tangu Pr, bp cekap, mahir.

tani I; *orang (kaum) ~ = petani* orang yg pekerjaannya bercucuk tanam (mengusahakan tanah), pekebun, peladang, pesawah;

bertani mengusahakan tanah (tanam-menanam dll), bercucuk tanam, berkebun, berladang, bersawah;

kepetanian kedudukan (taraf) petani;

pertanian 1. perihal bertani (tanam-menanam); 2. perusahaan bercucuk tanam: *tanahnya boleh digunakan utk ~.*

tani II ark tali-temali pd perahu utk meneguhkan tiang, temberang.

tani III; *pintu ~* sl pintu gerbang di sebelah luar istana.

tanih (Geo) lapisan tanah yg subur di bawah lapisan tanah yg di atas sekali.

tanin (Kim) sj bahan yg diperoleh drpd kulit kayu dan digunakan utk menyamak kulit dll.

tanjak I 1. sj destar, tengkolok: *Anjang memakai ~ spt pahlawan Melayu;* 2. tanjak tirus ke atas (destar, layar), meruncing (menganjur) ke atas;

bertanjak = ~ *kaki* berdiri di atas hujung kaki, berjengket;

~ *baru bertinjau* prb berbuat sesuatu mengikut aturannya yg lazim;

menanjak 1. menirus ke atas, meruncing; 2. memanjat (bukit dll), mendaki, menaiki: *aku surut selangkah memberikan kesempatan kepadanya ~ tangga;* 3. menjadi lebih tinggi (jalan dll), mendaki: *dia berjalan menuju tangga yg ~ ke atas anjung; mereka mendaki jalan yg ~;*

menanjakkan menganjurkan ke atas, membawa naik, menaikkan: *dia ~ layar perahunya; ~ ilmu* mengembara ke tempat lain utk mengajarkan ilmu; ~ *silat* pergi ke tempat lain utk berlawan atau mengajar silat;

tak lalu dandang di air, di gurun ditanjakkan prb menyampaikan maksud dgn pelbagai ikhtiar;

tanjakan jalan yg mendaki, pendakian.

tanjak II 1. cocok, padan, sesuai; **2.** gaya (tubuh badan), tokoh, watak:

cincin ini diusul periksa sbg isyarat menyiasat rupa dan roman tokoh dan ~, kelakuan dan keturunan;

bertanjak bergaya, berpadanan.

tanjap → **tancap**.

tanji 1. bunyi-bunyian, muzik, tambur; **2.** = *tukang* ~ ahli muzik, tukang muzik.

tanjidur tanji, muzik, tambur.

tanju sl sj lampu dinding.

tanjul jerat yg berjoran utk menangkap binatang dll, tali yg hujungnya dibuat jerat;

menanjul, menanjuli menjerat dgn tanjul.

tanjung I hujung tanah yg menganjur ke laut (danau, sungai, dll): ~~~ yg *datar tanahnya dapat dilihat di kebanyakan kuala sungai;*

menanjung 1. menganjur ke laut spt tanjung, nampak spt tanjung;
2. belayar menyusur tanjung: *maka Batin Singapura pun keluar dgn tujuh buah perahu ~ pergi ke Bentan; tanah ~ semenanjung, jazirah;*

tanjung II; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok dan bunganya), mengkulah, mengkulang, *Mimosops elengi; pohon* ~ sj tumbuhan (pokok), sauh, sawa, *Manilkara kauki*.

tanjur Mn tempurung yg diberi bertangkai (utk mencedok sesuatu), senduk, sibur;

menanjur, menanjur-nanjur 1. mencedok (menyenduk) dgn tanjur; **2.** memancing-mancing perkataan orang supaya keluar.

tan metrik (tan métrik) ukuran berat yg bersamaan dgn 1000 kilogram.

tanpa dgn tiada..., tidak dgn..., tidak ber~...: *ia berjalan terus ~ melihat ke kiri ke kanan lagi.*

tanpadaksa (Sunda) ark **1.** cacat (tidak lengkap anggota tubuhnya atau pancainderanya); **2.** penderita cacat.

tantalum (Kim) sj unsur logam yg digunakan utk membuat radas kimia dsb.

tantan; *bunga* ~ sj tumbuhan (herba), *Amomum xanthophlebium*.

tantang I; menantang mengajak berkelahi (berlawan dll), mencabar;

tantangan 1. ajakan berkelahi (berperang dll), cabaran; **2.** sesuatu (unsur, faktor, dsb) yg mencabar (menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi dll), cabaran: *aku ingin menghasilkan insan berkualiti yg mampu menghadapi ~ zaman;*

penantang 1. orang yg menantang; **2.** ark tantangan.

tantang II Mn tentang;

menantang 1. menghadapi, menentang: *beliau berdiri ~ ketuanya;*
2. melawan, membantah, membangkang: *dia tetap ~ saran itu dgn tegas;*

tantangan 1. bandingan, imbangan, lawan; **2.** perbuatan menantang, bantahan, perlawanan; **3.** darihal, perihal, tentang; □ → **tentang.**

tante IB emak saudara, mak cik.

tanti I ark nanti.

tanti II Mn tampal drpd kain benang emas yg dijahitkan pd tepi baju perempuan atau seluar (sbg perhiasan);

bertanti memakai tanti.

tanur Ar tempat memasak, keran, perapian; ~ *tinggi* perapian tempat memasak kapur (bijih besi dll).

tanwin Ar tanda baca berbaris dua, sama ada berbaris di atas, di bawah atau di hadapan, yg terletak pd akhir sesuatu perkataan Arab.

tanya 1. permintaan keterangan (penjelasan dll): *tinggal di bawah lembah gunung ini aman rasanya, tidak ada orang mengambil tahu dan tidak banyak ~ jawab*; **2.** bp = **bertanya**: *pd siapa boleh saya ~ tentang hal ini*;

~ jawab soal jawab, temu ramah, wawancara; *tanda ~ tanda* soal (?);

bertanya meminta supaya diberitahu tentang sesuatu, meminta keterangan (penjelasan dll): *maka ia ~lah khabar ibu dan saudaranya*; *~ tahu* bertanya meskipun sudah tahu; *tumpang ~ bp* kata hormat sebelum meminta keterangan kpd orang lain; *membunuh tiada ~ sl* membunuh orang dgn tiada izin raja;

bertanya-tanya berkali-kali atau berulang-ulang bertanya, bertanya ke mana-mana, saling bertanya antara satu dgn yg lain: *saya duduk bercakap-cakap dan ~ khabar negeri Singapura*;

bertanyakan bertanya bkn sesuatu, meminta keterangan mengenai sesuatu: *maka aku pun ~lah hal negeri itu*;

menanya 1. = **menanyai** bertanya kpd: *seorang guru sekolah tempatan ~ Profesor Arthur Lew satu soalan*; **2.** = **menanyakan** meminang, melamar: *disuruhnya orang tuanya ~ gadis itu*;

menanyai bertanya utk mengetahui sesuatu, bertanya kpd, bertanya utk memeriksa: *tukang kebun itu terus mendekatinya dan ~ maksudnya*;

menanyakan 1. bertanya tentang sesuatu kpd, meminta keterangan tentang sesuatu kpd: *temuilah doktor utk ~ apakah berpenyakit atau tidak*; **2.** meminang, melamar;

mempertanyakan menimbulkan pertanyaan, mempersoalkan: *karyanya tidak mengandungi implikasi yg secara radikal ~ peranan penulis*;

tertanya-tanya 1. kehairan-hairanan, dlm kebimbangan: *ia juga ~ apakah takbir mimpinya itu*; **2.** asyik bertanya, selalu bertanya: *anaknya yg dua orang itu sentiasa ~ tentang baju baru*;

pertanyaan 1. perihal bertanya, permintaan keterangan; **2.** apa yg ditanyakan, soalan: *Cikgu baru menerangkan ~ Engku Tahir yg kedua*; **3.** ki persoalan, masalah: *maka timbullah ~~~ kpd seluruh bangsa Melayu; ~ keliling* berbagai-bagai pertanyaan yg dihantarkan selepas sesuatu agenda mesyuarat dll;

penanya orang yg bertanya (menanyai, menanyakan).

tanzil Ar apa yg diturunkan oleh Tuhan (spt al-Quran dll), wahyu; *ilmu ~ ilmu* yg diberi khusus kpd rasul-rasul utk disampaikan kpd umat mereka;

mentanzilkan menurunkan (al-Quran dll): *ayat-ayat al-Quran yg ditanzilkan di Mekah*;

tanzilan (sesuatu) yg ditanzilkan: *ayat-ayat ~*.

Taoisme ajaran agama dan falsafah yg berdasarkan doktrin Lao Tze (pd abad ke-6 SM) yg menganjurkan agar manusia menjalani kehidupan yg sederhana dan jujur, bertindak sesuai dgn kehendak alam, dsb.

tapa I usaha utk membersihkan jiwa atau utk mencapai sesuatu maksud (kesaktian, kekebalan, dll) dgn cara berpantang makan, mengasingkan diri dll; ~ *songsang* tapa dgn bergantung di dahan kayu (dgn kaki ke atas dan kepala ke bawah);

bertapa 1. mengasingkan diri di tempat yg sunyi dll (utk memperoleh kesaktian, kekebalan dll): *maka kakinya diikatnya, kepalanya ke bawah, dgn demikian dua belas tahun lamanya ~*; **2.** bp menjalani hukuman penjara; **3.** ki lama tidak keluar (tidak menampakkan diri);

mempertapakan hendak memperoleh sesuatu dgn jalan bertapa;

pertapaan 1. perihal bertapa; **2.** tempat (orang) bertapa;

pertapa orang yg bertapa, ajar-ajar, resi.

tapa II Mn ark; *tahan* ~ tidak merasa sakit kalau dipukul (kebal), tahan pukul.

tapa III tapah.

tapah 1. sj ikan darat, *Wallago ottu*; **2.** sj ikan darat, *Wallago tweedier*; ~ *lemban* sj ikan darat, *Ompok bimaculatus*.

tapai I sj penganan yg dibuat drpd beras pulut (ubi kayu dll) yg dimasak dan dicampur ragi; *rosak* ~ *kerana ragi* prb pekerjaan yg dibuat dgn tidak cukup hati-hati itu jaranglah jadi sempurna;

menapai 1. membuat tapai; **2.** membubuh ragi, meragi;

penapaian 1. = **petapaian** sj periuk besar tempat membuat tapai; **2.** (Kim) penguraian benda organik oleh hidupan halus (spt kuman dan ragi).

tapai II; tapaian ark tempayan.

tapai III ark; *kucing* ~ kelinci.

tapak I 1. bidang kaki (kasut, tangan) sebelah bawah, telapak; **2.** = ~ *kaki* bekas kaki, jejak kaki; **3.** langkah: *belum lagi beberapa* ~ *kami berjalan aku nampak cahaya lampu suluh dr belakang*; **4.** bahagian sebelah bawah dr sesuatu, dasar: ~ *piramid*; **5.** ki asas (dasar atau tempat) melakukan atau memulakan sesuatu; ~ *ani* bahagian alat tenun yg dihubungkan oleh belebas; ~ *bangunan* tanah tempat membina bangunan; ~ *besi* ladam pd kuku kuda (kasut dll); ~ *binaan* tempat akan didirikan bangunan dsb; ~ *cangkir* alas cangkir; ~ *catur* petak-petak pd papan catur; ~ *cindai* corak selirat yg cerah (pd kain); ~ *itik* Kd roda besi pd traktor membajak sawah yg menghasilkan corak spt tapak itik apabila digunakan utk membajak sawah; ~ *jalak* tanda palang yg hujungnya bercabang; ~ *kadam* bekas pijakan kaki; ~ *kaki* a)

telapak kaki; b) bekas pijakan kaki; ~ *kasut* alas kasut; ~ *kedidi* sj corak membubuh papan utk dinding rumah; ~ *kek* bangku tempat duduk (pd alat tenun): ~ *kuku* telapak kaki kuda; ~ *lawang* cembul pd buah manggis; ~ *rata* Id telapak kaki yg tidak lekuk-lekuk; ~ *rumah* tanah tempat mendirikan rumah; ~ *semaian* tempat menyemai benih atau menanam anak pokok; ~ *sulaiman* gambar bintang yg bersegi enam; ~ *tangan* a) telapak tangan; b) Id tandatangan; ~ *tukul* kesan melakukan sesuatu; *tengah* ~ *bayang* tengah hari benar (ketika matahari tepat di atas kepala); *tiga* ~ *bayang-bayang* waktu ketika bayang-bayang tiga telapak tangan panjangnya;

cium ~ *tangan*, *berbaukah atau tidak* prb lihat diri sendiri, terlebih dahulu sebelum mencela orang lain; *kecil* ~ *tangan nyiru saya tadahkan* prb menyatakan sangat berterima kasih atas nasihat atau pertolongan orang;

setapak 1. sebesar tapak tangan; **2.** sepanjang tapak kaki: *alamat akan jauh lakinya yg selama ini belum pernah bercerai dgn dia barang* ~ *jua*; **3.** ki selangkah: ~ *demi* ~ *dia undur*; ~ *jangan lalu*, ~ *jangan surut* prb tetap pendiriannya, tidak berkocak hati atau iman ketika menghadapi sesuatu kejadian;

tapak-tapak sj lapik (alas kaki), sandal, selipar, capal;

bertapak 1. mempunyai tapak, ada tapaknya: *kon* yg ~ *bulat*; **2.** berjejak, berpijak, melangkah: *seolah-olah kakinya tidak* ~; ~ *maju melangkah maju*; **3.** mendapat tempat utk melakukan sesuatu dll: *Datuk Bendahara tidak suka Kompeni* ~ *di negeri kita*; **4.** bermula (melangkah dsb) drpd sesuatu pangkalan (dasar, asas, dsb), menjadikan sesuatu asas (dasar dsb) utk melakukan sesuatu (kegiatan, usaha, dsb); **5.** = **bertapakkan** mendapatkan sokongan dr: *pemerintahan* yg ~ *kehendak rakyat*; **6.** Ml teguh dan kuat

kedudukannya (kaya, bangsawan, dll): *Kamal dan keluarganya itu orang ~;*

menapak 1. memijakkan kaki pd, mengenakan kaki pd: *kakinya ~ tanah;* **2.** mengukur dgn tapak (kaki atau tangan); **3.** melangkah: *dgn langkah yg tidak bermaya ia pun ~lah ke kamar datuk;* **4.** mengikut jejak (binatang dll); **5.** berjalan kaki: *dia terpaksa ~ ke surau kerana basikalnya rosak;*

menapaki menyelidiki, mengusuti;

ketapakan = ~ *balai* = **tapakan** sl tempat kehormatan di balai penghadapan: *bentara seramai empat puluh orang berdiri di ~ balai di saat orang menghadap dan menjunjung duli;*

pertapakan 1. pelan yg menunjukkan susunan bahagian-bahagian drpd sesuatu; **2.** asas kedudukan, tempat bertapak (utk melakukan sesuatu dsb): *sementara itu kaum bukan Melayu masing-masing pula amat kukuh ~ masing-masing dlm ekonomi pasaran.*

tapak II; ~ *burung* sj tumbuhan (herba), rumput belangkas, *Mullugo pentaphylla*; ~ *kuda* sj tumbuhan (pokok di tepi pantai), *Ipomoea pescaprae*; ~ *leman* = ~ *sulaiman* sj tumbuhan (pokok renek), bersih hitam, tutup bumi, *Elephantopus scaber*; (*akar*) ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok), akar serau malam, pokok fatimah, *Phyllagathis rotundifolia*; *akar ~ kerbau* sj tumbuhan (pokok memanjat), kupu-kupu, *Bauhinia spp.*; (*pokok*) ~ *harimau* = *daun ~ badak* sj tumbuhan (pokok renek), pokok daun seredang, daun buka nafsu, *Trevesia cheirantha*.

tapak III; ~ *kasut* sj ikan laut, *Echineis naucrates*; ~ *sulaiman* sj binatang laut (berbentuk spt bintang), *Asterias rubens*.

tapal I sj ubat cair yg disapukan pd perut; ~ *gigi* ubat gosok gigi.

tapal II; ~ *kuda* ladam kuda.

tapal III; ~ *batas* sempadan (negeri, daerah, dll), *batas: ilmu hendaklah diakui, tidak mengenal daerah atau ~ batas.*

tapang I Jk sj balai-balai drpd kayu, tempat duduk-duduk drpd kayu dll.

tapang II 1. sj tumbuhan (pokok), medang sampang, mempelam rimba, *Artocarpus gomeziana*; **2.** sj tumbuhan (pokok), *Koompassia excelsa*.

tapa-tapa hirisan ikan yg dibubuh garam dan dikeringkan; *daging ~ sj dendeng* (spt daging salai, daeng, dll).

tapau C bp = **menapau** membungkus (makanan dsb) utk dibawa pulang dsb: *ramai yg ~ utk dibawa pulang.*

tapaut Jk beza, selisih; **tepaut.**

tapelak kain alas meja.

tapestri (tapéstri) (kain) dewangga.

tapi bp tetapi;

bertapi-tapi memberi alasan utk menolak, beralih, berhelah: *tak usahlah ~, esok kau boleh pergi ke sekolah.*

tapian Mn tepian.

tapih I sj kain panjang (yg dipakai oleh orang perempuan);

bertapih memakai tapih, bertutup (badan) dgn tapih.

tapih II salut pd sarung keris jawa.

tapin; ~ *batu* sj tumbuhan (pokok renek), gelembur hantu, kayu meroyan, kemesak, mawai, melokan (air), tempung, *Croton griffithii*.

tapioka IB tempung ubi kayu.

tapir sj binatang liar, tenuk, *Tapirus indicus*.

tapis I 1. alat utk menapis; **2.** bp menapis;

bertapis (telah) ditapis: *air yg belum ~;*

menapis 1. menuras dgn saringan (barang yg cair spt minyak, air minum, dll), menyaring: *air yg digunakan di situ telah dibersihkan*

dan ditapis sebelum dihantar ke rumah-rumah; 2. meneliti serta memilih-milih (utk mengasingkan yg dikehendaki drpd yg tidak dikehendaki), menyaring: ia perlu ~ maklumat yg berbagai-bagai itu sebelum membuat sesuatu pilihan yg dapat diterima;

tapisan **1.** sesuatu yg sudah ditapis, hasil drpd menapis; **2.** = **penapis** alat utk menapis sesuatu: ~ minyak;

penapisan **1.** perbuatan menapis: ~ minyak; ~ kertas kerja dilakukan oleh ahli jawatankuasa; **2.** (Udg) pemeriksaan yg dibuat terhadap bahan terbitan, filem dsb dgn tujuan utk menghalang penyebaran atau pengeluaran bahan yg boleh dikira sebagai tidak bermoral, lucuh, cabul atau membahayakan keselamatan;

penapis **1.** alat utk menapis, penyaring: kaca atau filem yg berwarna itu dinamakan ~ warna atau ~ cahaya; **2.** orang (badan dsb) yg menapis: dlm negeri kita ini, ada Lembaga P~ Filem, sebuah badan yg bertugas utk menapis filem yg hendak ditayangkan.

tapis **II** sj tumbuhan (pokok), lenggapus, *Mesua ferrea*.

taptibau sj burung, burung tetabu, *Eurostopodus temminckii*.

tapu **IB** **1.** bunyi semboyan pd waktu malam (utk memanggil perajurit-perajurit pulang ke asrama); **2.** berbaris dgn iringan muzik pd waktu malam.

tapu **I** Mn penuh.

tapu **II** Tr mengampu dgn tapak tangan: *hati-hati, bakul ini berat, kamu hendaklah ~ supaya tidak pecah.*

tapuh sj tumbuhan (herba), jenuang, juang-juang, lenjuang, *Dracaena congesta*.

tapuk **I;** bertapuk-tapuk bertimbun-timbun dgn banyaknya, berlonggok-longgok (hutang, benda, dll).

tapuk **II;** bertapuk-tapuk bopeng, berbakat (bekas penyakit cacar).

tapuk III → □ **tampuk I**.

tapuk IV Jw; **menapuk** menampar muka, menempeleng.

tapuk V Mn; □ → □ **tepuuk I**.

tapuk VI Br; **bertapuk** berselindung supaya tidak kelihatan, bersembunyi: *dia ~ di bilik mandi*.

tapung I Mn serbuk yg lumat dan halus (kerana ditumbuk dll), tepung; **menapung** menumbuk (beras dll utk dijadikan tepung), menepung.

tapung II; *baju* ~ sj baju (bugis) yg panjang dan sempit.

tapus sj tumbuhan (pokok, kayunya baik utk perkakas rumah), buah perah, perah kokong, kedui, *Elateriospermum tapos*.

tar I; *kuih* ~ sj kuih.

tar II bunyi spt bunyi cemeti.

tar III 1. = *minyak* ~ benda cair yg hitam warnanya dan didapati drpd arang batu dll (biasanya digunakan utk membuat atau melapisi jalan dll); **2.** Id asphalt; *jalan* ~ jalan yg dibubuh asphalt.

tar IV Tr sj rebana kecil yg digunakan dlm permainan rodan.

tara I 1. sama (kedudukannya, keadaannya, dll), bandingan, imbangan: *anak raja itu terkenal sbg ahli bermain pedang yg tidak ada ~nya; bukan ~nya bukan tandingnya (imbangannya); tiada ~nya tiada bandingannya (toloknya); 2.* sl sama dgn (taraf, kedudukan, peringkat): *maka didudukkan baginda ~ Bendahara, tetapi jikalau makan, ke bawah;*

setara 1. sama (besarnya, kuatnya, dll), sejajar: *kelakuannya sangat ganjil jika dibandingkan dgn kelakuan pemuda-pemuda lain yg ~ dengannya; cincin intan dua ~ sebetuk cincin dgn berpermatakan dua intan yg sama besarnya; 2.* sama (pangkatnya, darjatnya, tarafnya, nilainya, dll), sederajat, setaraf: *maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai ~ Seri Nara Diraja; 3.* sepadan, setimbang, seimbang: *usahanya tidak ~ dgn*

hasilnya; gajinya tidak ~ dgn kerjanya; 4. sebanding, setanding, selaras: taraf ekonomi dan darjat pengetahuan rakyat di negeri-negeri Afro-Asia belum ~ dgn yg telah dicapai oleh penduduk di negeri Barat;

menyetarakan menjadikan setara (sebanding, seimbang, setimbang, dll);

penyetaraan perihal (perbuatan dsb) menyetarakan;

kesetaraan perihal (keadaan dsb) setara;

ketidaksetaraan perihal (keadaan dsb) tidak setara (tidak seimbang);

bertara ada taranya, berbanding, berimbang, bertimbang: *anak perempuannya terlalu amat baik rupanya, tiada ~ pd zaman itu;*

tertara terbandingkan, ternilai, tertandingan: *barang siapa yg berpuasa sunat, maka ia mendapat kebajikan yg tidak ~;*

penara; *bukit ~ tanah rata di atas bukit (spt ditarah rupanya).*

tara II selisih atau perbezaan berat kasar dgn berat bersih, potongan harga barang (dlm kiraan peratus) sbg ganti pembungkusnya.

tara III Mn sj alat drpd kayu yg berpaku utk menggaris kayu; *melampaui ~ melampaui garis (aturan, ukuran).*

tara IV Tr; **mentara** (seseorang) yg mengangkat dan menghidang makanan.

taraf 1. tinggi rendahnya atau buruk baiknya (nilai sesuatu), darjah, mutu, tingkatan: *peradaban mereka telah mencapai ~ yg tinggi; 2.* tingkatan kedudukan dlm masyarakat, martabat, darjat: *di pelantaran stesen ramai pembesar negeri berdiri dan berbaris menurut ~ masing-masing; 3.* batasan waktu, tingkatan masa, peringkat: *mesyuarat itu masih pd ~ permulaan lagi; ~ hidup tingkat kemewahan hidup; ~ sosial kedudukan dlm masyarakat, darjat;*

setaraf sama taraf, sederajat, sejajar, setara, setingkatan: *tiap-tiap calon mestilah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yg ~ dengannya;*

menyetarafkan 1. menjadikan setaraf, menyamakan (darjatnya), menyetarakan (dgn), menjajarkan (dgn): *jawatan Peguam Negara sudah disetarafkan dgn menteri; Sijil Pelajaran Malaysia disetarafkan dgn Sijil Persekolahan Seberang Laut;* **2.** menyepadankan dgn, menyesuaikan dgn: *dia ~ keperluannya dgn pendapatannya;*

bertaraf mempunyai taraf (darjat, tingkatan): *masyarakat mereka masih ~ rendah; kita ini sbg bekas anak revolusi dan sekarang ini ~ calon angkatan perang yg rasmi;*

menarafkan menentukan darjat (pangkat dll): *pembuat dasar ~ negara berdasarkan kriteria dan keadaan yg berbeza-beza;*

penarafan 1. perihal atau perbuatan menarafkan: *~ itu dibuat berdasarkan tujuh peringkat skala;* **2.** (Eko) penilaian terhadap kedudukan sesuatu sekuriti, kewangan, dsb yg dibuat oleh agensi bebas dgn memberikan gred tertentu berdasarkan kriteria yg ditetapkan: *~ itu juga menggambarkan daya keuntungan bank tersebut.*

taragon sj herba berwarna hijau dan berbau harum yg daunnya digunakan sbg perasa masakan, *Artemisia dracunculus.*

tarah rata (selepas dipepat, dirimbas, dll); *~ kasau diasah supaya rata (gigi);*

bertarah sudah diratakan dgn beliung dll (batang kayu dll); *sudah ~ berdongkol pula prb Mn setelah suatu perselisihan diselesaikan timbul pula perselisihan yg lain;*

menarah meratakan atau melicinkan (kayu, batu, tanah, dll) dgn rimbas dll: *dia asyik ~ dan mengukir papan cengal;*

tarahan 1. yg sudah ditarah; **2.** cara (kaedah) menarah;

penarahan proses (kerja, perbuatan dsb) menarah: ~ *bukit itu dijalankan oleh sebuah syarikat yg membekalkan tanah merah;*

penarah alat utk menarah.

tarak I Ar 1. pengekangan hawa nafsu dgn bertapa (berpuasa, berpantang, dll); **2.** Mn tapa;

bertarak 1. mengekang hawa nafsu (dgn berpantang, berpuasa, dll); **2.** Mn bertapa, mengasingkan diri; **3.** Mn berlama-lama di sesuatu tempat, lama menanti (menunggukan sesuatu);

pertarakan perihal bertarak, pertapaan.

tarak II Jh; bertarak-tarak bergerak-gerak, tidak diam.

tarak-tarak Pr tanda (alamat) akan hujan.

taram I Ph jerut, sira.

taram II Ph dendam.

taram III; ~-temaram = **taram-taram** tidak berapa terang, suram (bulan, bintang, muka), agak redup: *tiba-tiba sinaran bulan yg indah permai di malam itu telah bertukar kelam ~-temaram, udara laut mulai bertiup dgn kencangnya.*

taran gagang sesuatu alat (cangkul dll), gandar, tangkai (pena dll).

tarang sangkar ayam, terak, petarangan.

taranum Ar kaedah memperelok atau memperindah bacaan al-Quran secara berlagu: *kami akan mengadakan kelas ~; dgn adanya guru-guru pendidikan Islam, sekolah itu mampu melaksanakan program ~.*

taras Mn teras.

tarasul Ar (surat) tulisan tangan.

taratai teratai.

tarawih Ar = *sembahyang* ~ sembahyang sunat yg dilakukan pd malam hari dlm bulan Ramadan (selepas sembahyang Isyak);

bertarawih melakukan tarawih: *malam ini mereka pergi ~ di surau.*

tarbiah Ar pendidikan, pengasuhan;

mentarbiahkan mendidik, mengasuh;

pentarbiahan perihal (proses, perbuatan atau usaha)
mentarbiahkan: *ia seharusnya mengarah kpd ~ kelompok remaja yg berwawasan dan seimbang.*

tarbil 1. sl sj busur utk melontarkan anak batu (peluru drpd tanah liat); 2. ark alat utk melontar batu kerikil dll, lastik.

tarbus sj kopiah yg tinggi dan diberi berjambul (dibuat drpd lakan merah), kopiah Turki;

bertarbus memakai tarbus.

tarcis IB sj kuih, kek.

tarekat (tarékat) Ar 1. jalan; 2. jalan utk mencapai kebenaran (dlm tasawuf): *ilmu ~ ilmu tasawuf, ilmu sufi (suluk)*; 3. tata tertib hidup (mengikut peraturan agama atau ilmu kebatinan); 4. perkumpulan penuntut ilmu tasawuf.

tarhim Ar bacaan doa atau ayat-ayat al-Quran yg biasanya dibaca sebelum masuk waktu solat Subuh;

bertarhim membaca atau melagukan tarhim: *aku mudah terjaga apabila terdengar suara orang ~ dr masjid itu.*

tari = **tarian** gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik;

~ *gambus* sj tari yg diiringi oleh gambus dan rebana; ~ *inai* = ~ *piring* tari dgn menggunakan piring dan lilin (oleh gadis-gadis); ~ *keris* (*sewar, sikin*) tari dgn memainkan keris (*sewar, sikin*); ~ *kipas* tari dgn memainkan kipas; ~ *payung* sj tari dgn menggunakan payung; ~ *sapu tangan* tari dgn melambai-lambaikan sapu tangan; ~ *selendang* tari dgn memakai selendang;

~ *serimpi* sj tari yg dipertunjukkan oleh perempuan (di istana Jokja, Solo);

menari, bertari ark melakukan tari dgn mengikut muzik: *kakak Ramlah sedang ~, sedang berlatih ~;*

~ *di ladang orang* prb bersuka-suka memakai harta orang lain dgn tidak mengingat kerugian orang itu; ~ *yg tak pandai, dikatakan lantai nan terjungkat = sebab tiada tahu ~ dikatakan tanah lembap* prb sebab tidak tahu membuat sesuatu pekerjaan, dikatakan perkakas yg salah atau tidak cukup;

menari-nari melompat-lompat (kegirangan dll), mendompak-dompak, bergerak-gerak pantas dan lancar (spt gerakan menari);

menarikan 1. melakukan sesuatu tari, menari dgn sesuatu tari: *maka pendekar pun menghampiri lalu ~ inai serta memukul rebana lagu ceracap ini;* **2.** menggerak-gerakkan (jari-jari) dgn pantas dan lancar (spt gerakan menari): *perbuatan ~ jari-jari di atas meja semasa bercakap dll;*

tari-tarian, tari-menari bermacam-macam tari: *pd malam itu telah diadakan suatu majlis~;*

tertari-tari sl menari-nari: *kijang dua ekor itu datang ke hadapan rumahnya terlompat-lompat dan ~;*

penari orang yg pandai menari, tukang tari, anak tari: *dia seorang ~ joget.*

taridra drama yg dipersembahkan dlm bentuk tarian.

tarif 1. cukai yg dikenakan oleh kerajaan ke atas barang-barang, terutamanya yg diimport; **2.** senarai harga tetap spt sewa bilik, makanan, perkhidmatan, dsb yg dikenakan oleh sesebuah hotel; **3.** skala bayaran bagi membekalkan sesuatu perkhidmatan awam spt elektrik dan gas: ~ *elektrik.*

tarik bp = **menarik**;

~ *layar* menaikkan layar; ~ *muka dua belas* bp tidak keruan air mukanya; *daya* ~ keupayaan utk menarik;

bertarik-tarik bp bertarik-tarikan;

bertarik-tarikan saling menarik antara satu sama lain; ~ *tali* Id melatih tenaga (menguatkan badan) dgn menarik tali;

menarik **1.** menghela supaya bergerak ke arah diri sendiri (maju ke hadapan, keluar, tercabut, dll), menyentak, menyeret: ~ *perahu ke darat*; **2.** ki mencabut, mengambil, menghunus, menyedut, dll: *kipas-kipas itu hendaklah dipasang supaya dapat ~ udara yg bersih dr luar masuk ke dlm bilik itu*; **3.** = ~ *hati* memikat hati: *permainan yg sungguh istimewa dan ~*;

~ *akar* a) mencabut akar; b) Id mencari punca ganda dua spt $\sqrt{25} = 5$, mengorak; ~ *balik* memanggil pulang (askar, wakil, dll), mengambil balik, mencabut balik; ~ *bayaran* mengutip (memungut) bayaran; ~ *bea* memungut bea; ~ *beca* mengayuh beca; ~ *biaya* a) meminta atau memerlukan biaya; b) = ~ *ongkos* banyak makan ongkos; ~ *diri* meletakkan jawatan, enggan menerima jawatan, keluar dr perhimpunan dgn kemahuan sendiri; ~ *garis* Id membuat garis; ~ *hati* a) memikat (menawan) hati; b) menyukakan (menghiburkan, menggirangkan) hati kerana cantik dll; c) menimbulkan atau membangkitkan rasa kasih (sayang, ingin, dll); d) = *menarik-narik hati* mempengaruhi (menggoda) hati orang lain; e) = ~ *perhatian* = ~ *minat* membangkitkan perhatian (minat) seseorang; ~ *hutang* menuntut atau menagih hutang; ~ *kembali* menarik balik; ~ *kpd diri* memakaikan pakaian dll kpd diri sendiri; ~ *keris (pedang dll)* menghunuskan keris (pedang dll); ~ *kesimpulan* membuat kesimpulan; ~ *keuntungan (untung)* mengambil untung; ~ *lagu (qasidah, nyanyi, pantun)* mulai

bernyanyi (berlagu, berqasidah, dll); ~ *langkah* a) melangkah (dlm pencak silat dll); b) = ~ *langkah seribu* melarikan diri dr musuh dll (kerana ketakutan); ~ *layar* menaikkan layar; ~ *loteri* a) membuka atau mengundi loteri; b) menang loteri (undian); ~ *modal* mempelawa orang (negeri lain dll) menanam modal; ~ *muka* bp berubah air muka; ~ *muka dua belas* = ~ *muka masam* bp bermuka masam; ~ *muka panjang* nampak perasaan kecewa pd air muka seseorang; ~ *mundur* menarik kembali, memanggil supaya mundur (tentera dll); ~ *nafas* a) menyedut udara; b) = ~ *nafas panjang* mengeluh, mengesah; ~ *nafas yg terakhir (penghabisan)* mati; ~ *nyawa (jiwa)* sudah hampir mati; ~ *ongkos* banyak menggunakan belanja; ~ *otot* keras hati, tidak mahu mengalah; ~ *pajak (bea, cukai, yuran, dll)* memungut atau mengutip (cukai dll); ~ *panjang* a) menjadikan panjang; b) melanjutkan sesuatu perkara ke mahkamah; ~ *suara* a) mulai menyanyi dgn suara yg nyaring; b) meninggalkan suara; ~ *surat (tuan tentang ...)* Id merujuk surat (tuan tentang ...); ~ *surut* menghela surut, menarik mundur; ~ *tali* a) sukan yg mempertandingkan atau menguji kekuatan dua pasukan dgn menarik sekuat-kuatnya seutas tali dandan ke arah yg bertentangan; b) ki pergelutan antara dua pihak utk merebut sesuatu (hak dsb): *hakikatnya, bekas suaminya masih bermain ~ tali dlm kes penjagaan anak itu*; ~ *urat leher* keras hati, tidak mahu mengalah;

ditarik ia menanduk, diiringkan ia menyepak prb a) orang bodoh yg tidak mahu menurut bicara orang; b) orang yg suka mengacau di dlm sesuatu permuafakatan, dikemukakan tidak baik, dikemudiankan pun tidak baik pula;

mempertarikan menyeret, menghela;

tertarik 1. sudah ditarik (dihela, diseret, diheret); **2.** ki berasa suka (ingin dll) kpd, terhibur oleh, terpicat (hatinya) oleh: *memang banyak orang yg ~ oleh suara yg lemah lembut;*

tarikan 1. sesuatu yg ditarik, hasil menarik; **2.** daya menarik, perihal menarik: *~ bumi ke atas sesuatu benda yg berdekatan dengannya disebut berat benda itu;*

penarikan perihal atau perbuatan menarik;

penarik orang yg menarik, alat (kuasa) yg menarik; *~ beca* orang yg kerjanya menarik beca; *binatang* ~ binatang (kerbau, kuda, dll) utk menarik bajak dll.

tarikh 1. perhitungan tahun: *~ Hijrah; ~ Masihi;* **2.** bilangan (angka) utk menyatakan tahun: *~ 1350 Hijrah;* **3.** hari bulan dan tahun, tanggal: *tiap-tiap surat mesti dibubuh ~: ~ bagi perundangan selanjutnya akan ditetapkan;* **4.** kitab sejarah, riwayat, tambo, tawarikh: *kitab ~ kerajaan Johor; ahli ~ ahli sejarah;*

bertarikh bertanggal, ada tarikhnya: *surat itu ~ 20 Mei 1960;*

mentarikhkan 1. membubuh (menuliskan) tarikh; **2.** mencatat tarikhnya; **3.** menuliskan dlm buku peringatan (riwayat);

pentarikhkan perihal mencatatkan tarikh bagi sesuatu peristiwa: *ciri penulisannya mementingkan ~ sehinggakan karya-karya dapat dijadikan sumber sejarah yg dinilai;* *~ karbon* (Kim) kaedah menentukan usia objek organik yg sangat tua, mis tulang, kayu dsb melalui pengiraan jumlah isotop karbon tertentu di dalamnya.

taring I 1. gigi yg runcing dan tajam, caling, gigi asu, saing, siung; **2.** ki kekuasaan (keberanian, kekuatan dsb) utk melakukan sesuatu: *dia tidak disegani lagi kerana dianggap sudah kehilangan ~nya;*

bertaring 1. mempunyai taring, ada taringnya; **2.** berbentuk spt taring: *misainya* ~ misainya tajam dan bentuknya spt taring; **3.** ki

mempunyai kuasa (keberanian, kekuatan dsb): *biarlah stesen televisyen lebih ~ drpd pihak penaja.*

taring II; ~ *pelanduk* a) sj ikan laut, *Euxiphippos sexstriatus*; b) sj ikan laut, *Pomacanthus annularis*; c) sj ikan laut, *Chaetodontoplus septentrionalis*.

taring III; ~ *pelanduk* a) sj tumbuhan (pokok), gigi buntal, *Stemonurus capitatus*; b) sj tumbuhan (pokok), bunga tampang cina, medang beluluk, pokok ikan mati, tuba buah, *Diospyros wallichii*; c) sj tumbuhan (pokok memanjat), gadung (lilin, mabuk), gadungan, sulur gadung, ubi akas, *Dioscorea hispida*.

taripas Br sj burung, serindit, *Loriculus galgulus*.

taris I lantai (drpd simen dll).

taris II ikat;

menaris mengikat dan membungkus.

tarkas, tarkasy sl lubang tempat menyimpan anak panah: ~ *berisi anak panah.*

tarsalgia (Ubat) sakit pd pergelangan kaki dan tapak tangan.

tarsorafi (Ubat) pembedahan utk menjahitkan kelopak mata atas dgn sebahagian atau seluruh kelopak mata bawah bagi menutup atau memendekkan bukaan kelopak mata.

tart = *kuih* ~ sj kuih: ~ *nanas*; ~ *epal*.

tartan corak yg berpetak-petak yg berbeza-beza lebarnya dan warnanya (biasanya dikaitkan dgn pakaian tradisi orang Scotland).

tartar bahan keras (spt kapur) berwarna kekuningan yg melekat pd gigi.

tartil Ar tertib dan mengikut hukum tajwid dlm bacaan al-Quran: *surah itu dibacanya dgn ~ serta diteliti tafsirannya.*

tartir IB sj asid yg didapati drpd air buah-buahan yg masam (limau dll).

taru Pr riuh-rendah, bising, hingar: *kamu semua janganlah membuat ~ sangat di sini.*

taruh 1. wang dll yg dipasang dlm perjudian, tagan: *tidaklah berani orang Kemboja melawan ayam Raja Chulan sebab ayamnya sangat bertuah konon, lagipun ~nya terlalu besar*; **2.** cagaran utk barang yg digadai dll, sandaran, tanggungan: *diberikannya gelang emasnya sbg ~*; **3.** bp = **menaruh** menempatkan, meletakkan, membubuh: *tempat ~ basikal*; **4.** bp = **menaruh** menyimpan: *saya ada ~ satu bungkusan surat kepunyaan saudara saya*; ~ *beras dlm padi* prb menyimpan rahsia baik-baik; ~ *mata* melihat, memerhatikan, mengawasi; *ada beras ~ dlm padi, ada ingat ~ dlm hati* prb kalau ada sesuatu cita-cita yg diinginkan tidak perlulah dikhabarkan kpd orang sebelum dikerjakan; *tidak dapat ~ muka* malu melihat (dilihat) orang;

bertaruh 1. memasang taruh (dlm perjudian), bertagan: *adakah orang hendak menyabung ~ begitu kecil?* **2.** memastikan (menjamin) dgn membubuh taruh: *saya berani ~ mereka itu masih bersekolah*; ~ *sirih* menghantar sirih utk menempah bidan;

bertaruhkan 1. bertaruh (bertagan) dgn, memasang taruh dgn: *mereka ~ wang*; **2.** sl menyerahkan supaya dididik, menyuruh memelihara, mengamanahkan, menitipkan: *maka Bendahara pun ~ anak raja itu kpd saudagar itu*;

bertaruhan saling memasang taruh (dlm perjudian), saling bertagan: *mereka secara berkelakar ~ seorang dua puluh lima ringgit*;

menaruh 1. meletakkan, menempatkan: *ada sebuah rumah batu tempat ~ barang dagangan*; **2.** membubuh, menambah: *lemang itu lebih sedap rasanya jikalau ditaruh banyak santan kelapa*; **3.** memberi atau membubuh (nama dll): *maka ditaruhnya nama anaknya itu Syeikh Abdul Kadir utk mengambil berkat nama bapanya*; **4.** menentukan atau meletakkan (harga): *harga yg*

ditaruhnya itu terlalu tinggi; 5. memasang taruh, bertaruh: dia ~ lima ringgit dgn kawannya dlm perlawanan tinju itu; 6. menyuruh simpan (bela, pelihara), mengamanahkan, menitip: murid-murid boleh ~ basikal mereka di sini; 7. menyimpan (wang dll), menabung (wang), menanam (modal): mereka digalakkan supaya ~ wang di dlm bank tersebut; 8. memelihara (binatang dll), membela: adalah Raja Iskandar Shah itu ~ seorang gundik; 9. memiliki, mempunyai: anakanda hendak mencari orang yg ~ burung borak; 10. menyimpan (dlm hati), merahsiakan sesuatu: dia itu tidak boleh dipercayai kerana tidak pandai ~ rahsia; 11. mempunyai perasaan (kasih, sayang, cinta, dendam, benci, dll), mempunyai (minat, kepercayaan, dll): ada juga seorang dua yg masih ~ belas kasihan terhadap nasibnya ini; 12. tidak menggunakan (barang-barang), menyimpan: bagaimana datuk ini bagai pak si Bendul, diberi raja usungan ditaruh?; ~ bimbang berasa bimbang; ~ dendam berperasaan dendam; ~ fikiran mempertimbangkan; ~ hati mencintai, suka kpd; ~ kasihan berasa kasihan; ~ keberatan berasa enggan; ~ mata melihat, memerhatikan; ~ perhatian memberi perhatian; ~ syak berasa syak (curiga, waswas);

menaruhi 1. menaruh (meletakkan, menyimpan, dll) di; 2. memasang taruh pd: *dia ~ ayam putih itu;*

menaruhkan menaruh atau menyimpan utk orang lain;

mempertaruhkan 1. menyuruh orang lain menyimpan (menyelenggarakan, menjaga, dll), mengamanahkan (kpd), menitipkan: *ia hendak ~ anak cucunya kpd aku;* 2. menyerahkan (jabatan, pekerjaan, dll) kpd: *sudah tiba masanya utk ~ jawatan itu kpd seorang yg lebih muda;* 3. mencagarkan, menggadaikan: *kerismu itu cukup utk dipertaruhkan dgn rialku seratus ini;* 4.

memasang sbg taruhan (dlm perjudian): *raja itu ~ negerinya dlm persabungan*; **5.** menyabung nyawa, mengorbankan (nyawa dll): *dia sanggup ~ jiwanya utk menjaga nama baik keluarganya*; **6.** = **menaruh** menanam modal (dlm pasaran saham): *dgn ~ RM2000 dlm stok, kamu boleh mendapat mendapat keuntungan yg banyak*;

taruhan 1. = **pertaruh, petaruhan** wang dll yg dipasang dlm perjudian, tagan: *50 sen sahaja ~ saya pd nombor 21*; **2.** sesuatu yg disuruh simpan (selenggara dll), titipan; **3.** cagaran, gadaian: *adat orang berhutang, tiada ~ ditangguh, tiada tanggungan cagaran, tiada cagaran ikutkan*; **4.** simpanan: *wang ~*; **5.** (barang) yg hanya dipakai utk sesuatu upacara (spt pesta, majlis perkahwinan, dll): *ayuhai Kembang, inilah kain ~ beta*; **6.** pengorbanan (nyawa dll), sabungan nyawa: *termakan budi besar celakanya, kadang-kadang nyawa dan badan jadi ~nya*; **7.** (anak) yg dicintai (dikasihi): *segala anak-anak dara ~ sekaliannya berterpaan hendak melihat Raja Zainal; anak ~; gadis ~ gadis pingitan*; **8.** hadiah yg ditawarkan (kpd orang yg menangkap pegganas dll);

pertaruhan 1. perihal bertaruh; **2.** = **penaruhan** tempat menaruh, tabungan: *bertahun-tahun kemudian, barulah wang itu keluar drpd ~, kadang-kadang utk belanja ke sekolah*; **3.** simpanan, titipan;

berpenaruhan ark berada, berharta, kaya;

pertaruh 1. sesuatu yg dipertaruhkan (cagaran, tanggungan, dll); **2.** titipan: *adapun ~ akulah anak kita Hussain kpd Bendahara*; **3.** nasihat (ajaran) yg baik; **4.** amanat, pesanan, wasiat: *segala ~nya itu dijalankan*;

petaruh orang yg bertaruh;

berpetaruh 1. memberi petaruh, menasihat; **2.** berpesan, berwasiat: *dia ~ benar melarang orang menyentuh barang itu*.

taruk I tunas pd pokok (rumput dll), pucuk (pd dahan, batang): *sekalian itu memakan ~ kayu dan ikan kering;*

~ angsoka sl telinga yg cantik molek; seumpama bunga di gaung batu, ~ kaca tangkainya embun prb perihal gadis cantik terjaga dgn baik dan sangat susah hendak didekati;

bertaruk ada taruknya, bertunas.

taruk II 1. bp taruh; **2.** bk pukul, godam, hentam;

menaruk bp menaruh.

taruk III Br ungu.

taruk IV; *~ manis* sj tumbuhan (pokok renek), asin-asin, cekur manis, cekup manis, cermela hutan, *Sauropus androgynus*.

tarum I sj tumbuhan (herba yg daunnya dibuat nila), *Indigofera suffruticosa*; *~ akar = akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), tarum hutan, Marsdenia tinctoria;* *~ batu* sj tumbuhan (herba), *Loxocarpus incana;* *~ hutan a) = akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), Marsdenia tinctoria;* b) sj tumbuhan (pokok renek), *Didissandra frutescens*.

tarum II ark biru tua, hitam: *harimau ~ ; padi ~; talang ~; dll.*

tarum III; *burung ~ sj burung, Monticola solitaria madoci.*

taruna bp teruna.

tarung; bertarung 1. berlanggar, berhantuk; **2.** berkelahi, berlaga, berperang, bertempur, dll: *sesudah ~ dgn raksasa dan Raja Lembu, kipas sakti itu diperolehnya juga;* **3.** berlawan (dlm perlawanan sukan dll), bertanding: *ramai pelumba motosikal yg terkemuka dr Jepun akan ~ utk merebut piala kejohanan tersebut;* **4.** sl berbantah, berdebat: *kedua-duanya ~ di hadapan hakim;*

bertarungan berlanggaran, berbenturan;

menarung menyandung, melanggar, membentur, menyentuh;

menarungkan, mempertarungkan menjadikan bertarung, membenturkan, memperlakukan, mempersabungkan;

~ *nasib* mengadu untung; ~ *nyawa (jiwa)* a) mempertaruhkan (mengorbankan) nyawa; b) berjuang bermati-matian dgn;

tertarung 1. terlanggar, terhantuk, tersandung, tersentuh: *kakinya ~ pd batu*; **2.** ki mendapat rintangan, tersandung;

baru dimulai sudah ~ prb baru dimulai sudah menemui rintangan (halangan); kaki ~ inai padahannya, mulut terdorong emas padahannya prb hendaklah ditunaikan segala janji (apabila berbuat sesuatu harus berani menanggung akibatnya);

pertarungan 1. pertempuran, perkelahian, perlawanan, pertandingan: *ketika itu berlakulah ~ yg mengerikan antara Awang dgn Bacuk*; ~ *yg amat hebat ialah antara pelumba-pelumba motosikal*; **2.** perjuangan: *dia sendiri baru lagi menceburkan dirinya dlm ~ hidup*; **3.** pertelingkahan, perselisihan (pendapat dll): *dlm ~ pendapat antara Ferdaos dan Lokman, Asrul tidak menyebelahi mana-mana pihak*;

penarung 1. = *batu* ~ a) rintangan, halangan; b) sesuatu yg menyakiti hati; **2.** = *kaum* ~ ark yg menjadi perintang, puak reaksioner.

tarup 1. Jw rumah sementara (beratap kajang dll), pelampang, sengkup; **2.** ark atap; **3.** ark rengkiang, lumbung.

tas I bunyi spt bunyi letupan mercun (meriam, senapang, dll).

tas II IB tempat menyimpan surat (buku dll) yg dibuat drpd kulit dll; ~ *tangan* beg tangan (perempuan).

tas III ark sl cepat, lekas, segera.

tas IV sj tumbuhan (pokok), benak, biku-biku, buku-buku, medang tanduk (tujuk), sepauh, tampoi kelawar, *Kurrimia paniculata*.

tasa Mn sj gendang; □ → **tangsa**.

tasai sj tumbuhan (pokok), ludai bulan, medang serai, mutan riba, *Muschocarpus lessertianus*.

tasak = **penasak** ubat utk menghentikan darah keluar dr luka dll (penawar, jampi, dll);

menasak menghentikan darah keluar (dr luka) dgn ubat tasak: *maka ditasaknya luka itu oleh tabib*.

tasalsul Ar deretan yg bersambung-sambung, runtunan (keturunan, asal usul, dll).

tasamuh Ar kelapangan dada, keluasan fikiran, kesabaran: *semoga Allah menunjuki kita sekalian dan menerbitkan rasa ~ dan hormat*.

tasawuf Ar ajaran (usaha, jalan) utk mengenal Tuhan dgn benar-benar dan mendekatkan diri dgn Tuhan; *ilmu ~ ilmu suluk, ilmu tarekat, mistik; mengaji ~ menuntut atau mengamalkan ilmu suluk (mistik); orang ~ orang yg menuntut dan mengamalkan suluk*.

tasawur Ar pandangan, gambaran, konsep atau persepsi tentang sesuatu: *jika ditinjau dr segi ~ Islam, ternyata bahasa mempunyai fungsi yg besar dlm proses perkembangan tamadun Islam*.

tasbih I Ar **1.** puji-pujian kpd Allah (dgn melafazkan Subhanallah); **2.** serantai manik (drpd batu dll) spt kalung utk menghitung doa (zikir): *ia senantiasa membilang buah ~ sepanjang hari*; **3.** rosario (dlm agama Kristian);

sembahyang ~ a) sembahyang sunat yg dikerjakan dgn membaca tasbih sebanyak 75 kali pd setiap rakaat mengikut urutan (dlm agama Islam); b) berdoa dgn membilang buah tasbih (dlm agama Kristian);

bertasbih membaca (melafazkan) tasbih, melafazkan puji-pujian kpd Allah; *mendengar bacaan al-Quran, berzikir, ~, bertahmid dan berdoa;*

mentasbihkan memuji-muji Tuhan, membaca tasbih terhadap (Allah).

tasbih II; buah ~ = pisang ~ sj tumbuhan (herba), sebih, sigi-sigi, *Canna orientalis*.

tasdik Ar pengakuan atau pengesahan bahawa sesuatu itu benar (betul dll), keyakinan, kepercayaan: ~ dlm hati;

mentasdikkan mengakui bahawa sesuatu itu sah.

tashih Ar pengesahan (pengakuan benar) sesebuah kitab dll;

mentashihkan mengaku atau mengesahkan sesuatu itu benar: *ayat ini telah ~ ayat dlm surah al-Baqarah*.

tasik I 1. kawasan air yg luas dan dikelilingi oleh daratan, danau; 2. sl laut; *menabur bijan ke ~* prb membuang-buang wang (waktu, tenaga, dll) dgn sia-sia.

tasik II; ~ *timbul* sj tumbuhan (pokok renek), coreng atap, cucur atap, *Leucopogon malayanus*.

tasik-tasik sj tumbuhan (herba), ruku hutan, rumput kucing, rumput talan, *Adenosma capitatum*.

taska akronim bagi taman asuhan kanak-kanak (iaitu tempat jagaan atau asuhan kanak-kanak kecil, terutamanya ketika ibu bapa mereka pergi bekerja dsb).

taski akronim bagi taman asuhan kanak-kanak Islam.

taslim I Ar perihal menyerah diri kpd perintah Tuhan, kepatuhan kpd perintah Tuhan;

mentaslimkan menyerahkan.

taslim II Ar pemberian hormat, penghormatan, persalaman.

tasrif Ar (Lin) perubahan bentuk kata kerja;

mentasrifkan mengubah bentuk kata kerja.

taswir Ar 1. gambaran, lukisan; 2. ki pidato utk menggambarkan (menghuraikan) sesuatu.

tasyahud Ar lafaz dua kalimah syahadah semasa duduk tahiyat awal dan tahiyat akhir dlm solat.

tasydid Ar tanda dlm tulisan Arab utk menyatakan bunyi huruf yg berangkap, sabdu.

tasyhid Ar pengucapan kalimah syahadat, pengakuan beriman;
mentasyhidkan mengakui, menyaksikan.

tasyrih Ar; *ilmu* ~ ilmu urai, anatomi;
mentasyrihkan menguraikan, mengupas.

tasyrik Ar; *hari* ~ hari yg kesebelas dan kedua belas serta ketiga belas dlm bulan Zulhijah.

tat I → **tart**.

tat II; ~ *sat* Kd baru sebentar.

tata I peraturan, acara, kaedah, susunan, sistem;
menata mengatur, menyusun;
penataan penyusunan, pengaturan;
penata orang yg menata sesuatu: *kami bertindak sbg ~ tarian dan penyumbang idea*.

tata II bp selamat tinggal atau selamat jalan (biasanya diucapkan oleh kanak-kanak sambil menggamit): *Pak Man mendengar dua orang budak itu menyebut “~, ~” ketika motokar meninggalkan rumah itu*.

tata- *awalan asing* peraturan, acara, kaedah, susunan, sistem, mis *tataacara* dan *tataetika*.

tataacara **1.** susunan acara, agenda; **2.** ark proses dlm perbicaraan (mahkamah).

tataadab adat sopan santun, budi bahasa yg baik, basa-basi.

tataayat ilmu mengenai susunan kata dlm ayat, sintaksis.

tatabahasa pengetahuan atau pelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat (penyusunan kata dlm ayat) dll, nahu;

ketatabahasa (hal) yg berkaitan dgn tataahasa: *kertas bahasa Malaysia hendaklah menekankan aspek ~.*

tatabuku ilmu menyimpan kira-kira, urusan menyimpan kira-kira (dlm perniagaan dan perdagangan).

tatacahaya sistem pencahayaan dlm penggambaran filem, pementasan dsb utk menghasilkan efek tertentu: *kesan ~ kelihatan biasa dan kurang membantu menimbulkan suasana yg ceria;*

penatacahaya orang yg ahli dlm mengendalikan tatacahaya, terutamanya utk penggambaran filem, pementasan dsb: *nilai artistiknya akan lebih tinggi sekiranya ~ berjaya memanipulasikan warna.*

tatacara **1.** adat istiadat; **2.** adat resam; **3.** cara dan peraturan, prosedur: ~ *pembentukan istilah; ~ permohonan.*

tataetika (tataétika) peraturan pergaulan, budi bahasa.

tatafonem (tatafoném) (Lin) ilmu mengenai bentuk kata.

tatah I Jw pahat;

menatah memahat;

tatahan hasil memahat, pahatan; ~ *negara* ark corak dan susunan negara.

tatah II; ~ *mutia* barang kemas yg dihiasi dgn permata dll;

bertatah, bertatahkan sl dihiasi dgn permata, berhias dgn permata dll: *maka diberi baginda persalin pakaian keemasan bertatahkan ratna mutu manikam;*

menatah sl menghiasi dgn (permata, intan, dll), mengikat (memasang) permata dll pd: *maka terkembanglah payung kerajaan yg kekuningan berumbaikan emas dikarang ditatah dgn intan pudi manikam.*

tatah III Mn tatih;

tatah-tatah belajar berjalan (kanak-kanak), bertatih-tatih;

menatah berjalan (kanak-kanak), menatih.

tatah-tatah ark desas-desus, khabar angin.

tatahukum peraturan-peraturan dan cara-cara mengenai hukum (dlm sesebuah negara).

tatai ark; **bertatai-tatai** berderet-deret dgn teratur.

tatakalimat ilmu mengenai susunan ayat, sintaksis.

tatakan Jw lapik (cawan, gelas, dll).

tatakata ilmu mengenai susunan kata.

tatakerja peraturan (sistem dsb) bekerja.

tatakrama Jw adat sopan santun dan budi pekerti yg baik, tataadab, basa-basi.

tatal I suban yg tipis drpd kayu yg diketam (ditarah dll), sempak yg tipis-tipis: *maka disuruh buka oleh baginda, maka dilihatnya ~ bergulung spt subang;*
~ *ketam* tahi ketam, serutan.

tatal II; menatal (Komp) menggerakkan paparan teks (baris demi baris atau halaman demi halaman) pd skrin paparan ke atas atau ke bawah secara beransur-ansur;

penatalan perbuatan atau proses menatal (bkn paparan teks pd skrin paparan)

tatal III; tertatal ark terhimpit; □ → **tetal**.

tatalaku sistem atau peraturan perilaku peribadi seseorang individu, kumpulan dsb: *novel ini mampu menghiburkan dan memberikan kesan positif kpd ~ pelajar itu sendiri; beliau sendiri tidak mengelak drpd ~ yg penuh disiplin spt ini.*

tatanama sistem mengenai pemberian dan penentuan pemakaian nama-nama istilah dsb berdasarkan kod atau asas-asas tertentu: *pedoman khusus utk peristilahan ~ kimia serta daftar nama dan lambang unsur kimia.*

tatanan Jw ark aturan, sistem, susunan, tata tertib.

tatanegara susunan dan bentuk pemerintahan negara; *hukum* ~ undang-undang mengenai susunan dan peraturan negara; *ilmu* ~ ilmu mengenai tatanegara;

ketatanegaraan hal yg berkaitan dgn tatanegara (spt politik dll).

tatang; menatang, bertatang sl membawa sesuatu di atas tapak tangan, menating, menayang: *seorang budak lelaki belasan tahun keluar dr dalam ~ sedulang kopi hitam;*

~ setahun hujan di langit, air laut masakan tawar prb nasihat yg baik itu tidak akan dapat mengubah kejahatan yg besar; *ditatang* *bagai minyak yg penuh* = *spt ~ minyak yg penuh* prb sangat dikasihi dan dipelihara dgn sempurnanya; *ditatang di anak lidah* prb sangat kasih kpd anak isteri;

tatangan ki sokongan: *dia sentiasa memerlukan bantuan orang dan ~ orang.*

tataniaga = **ketataniagaan** urusan pentadbiran perniagaan (perusahaan dll).

tatap; menatap **1.** memerhatikan dgn teliti, memandang dgn sungguh-sungguh: *ia ~ wajahnya puas-puas di cermin; tiap-tiap kepala berita yg berhuruf kasar ditatapnya dgn hati-hati; **2.** memandang, merenung, merenungi: *dia ~ kembali anaknya yg riang bermain itu;**

tatapan **1.** hal atau hasil menatap, pandangan: *bapa mengubah duduknya serta menatap muka ibu, satu ~ yg membawa pengertian yg dalam; **2.** sesuatu yg ditatap, pandangan, renungan: *menjadi ~ orang ramai;**

bertatapan saling menatap satu sama lain: *mata kami ~;*

penatap orang yg menatap(i).

tatapan ark sl tetapan.

tatapraja pentadbiran (pemerintahan) negara;

ketataprajaan perihal pentadbiran negara.

tatar I; menatar mengajar (membimbing, memberikan kursus, dll) utk meningkatkan lagi kemampuan (pengetahuan, kecekapan, dll);

penataran proses (usaha, kegiatan, dsb) menatar: *kursus ~ hendaklah diadakan dr semasa ke semasa;*

penatar orang yg menatar, pembimbing (pengajar dsb) dlm penataran;

petatar orang yg mengikuti atau menjalani kursus penataran;

tatar II Mn; menatar membidik.

tatarajah 1. susunan pelbagai bahagian atau unsur sesuatu menjadi rupa bentuk atau rajah tertentu: *~ bagi unsur-unsur ini ditunjukkan dlm Jadual 63;* **2.** (Komp) kaedah penyambungan dan kandungan komponen yg terdapat dlm sesuatu sistem pd satu-satu ketika.

tatarakyat ilmu bkn bagaimana orang hidup dlm sesuatu masyarakat, sivik.

tatarias usaha (cara dsb) mengatur atau menyusun hiasan utk sesuatu yg akan dipertunjukkan, cara dsb menghias sesuatu (spt muka, rambut, dll).

tatasuria Id sistem cakera suria (matahari).

tatasusila adat sopan santun dan budi pekerti yg baik.

tatatertib peraturan-peraturan yg mesti dipatuhi, disiplin.

tatatingkat hierarki: *salah satu peraturan ialah wujudnya ~ dlm hubungan antara individu dlm sesebuah keluarga.*

tataurusan cara dan peraturan utk mengurus sesuatu, sistem pengurusan: *~ syarikat itu akan disusun semula.*

tatausaha urusan pentadbiran negara;

penatausaha orang yg mentadbirkan tatausaha.

tatera; *burung ~ sj burung, ayam pegar, Lophura ignita rufa.*

tatih; bertatih-tatih, tertatih-tatih 1. berjalan selangkah demi selangkah dgn huyung-hayang (kanak-kanak yg mulai belajar berjalan); 2. ki baru mencuba-cuba berusaha (perniagaan dll), baru belajar: *orang Melayu yg dgn modal sekelumitnya baru hendak ~ dlm bidang perniagaan;*

menatih memimpin kanak-kanak utk belajar berjalan.

tating I; menating membawa (mengangkat) sesuatu di atas tapak tangan, menatang, menayang;

menatingkan mengangkatkan sesuatu di atas tapak tangan, menatangkan: *maka Poniemlah yg menyenduk, sedang yg ~ ke muka ialah Mariatun;* □ → **tatang, tayang I.**

tating II 1. sj renda hiasan yg disirat drpd benang: *benang itu disirat-siratnya menjadi ~;* 2. proses membuat renda hiasan secara menyirat-nyirat benang dgn menggunakan cuban.

tatkala ketika (itu), pd masa (itu), waktu (itu): *~ itu anak miskin itu pun masuklah.*

tatu I tanda pd badan yg dibuat dgn melarik dan mencucuk dan memasukkan warna, cacah;

bertatu memakai atau mempunyai tatu, bercacah: *kedua-dua belah lengan penjenayah yg ditembak mati itu didapati ~.*

tatu II pertunjukan muzik dan kawat oleh anggota-anggota keselamatan (polis, tentera, dsb).

tau I bp tahu.

tau II; *daun* ~ sj tumbuhan (palma), *Livistona tahanensis.*

tau III huruf yg ke-19 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol T, τ.

taubat 1. sesal akan dosa (perbuatan jahat dll) dan berazam tidak akan berbuat dosa (jahat) lagi, perasaan tidak senang (rasa kesal) kerana telah melakukan kesalahan dan berazam tidak akan mengulanginya lagi: *~lah kakanda, janganlah kakanda perbuat lagi spt yg telah*

lalu; **2.** kembali kpd Tuhan (dgn meninggalkan perbuatan dll yg dilarang dan membuat apa-apa yg disuruh), kembali atau pindah agama kpd agama yg dianggap benar: *dahulu ia seorang ateis, tetapi sekarang sudah ~ nampaknya, hendak naik haji pula*; ~ *nasuha* taubat (rasa kesal) yg sesungguhnya; **3.** bp sudah tidak berani berbuat lagi, sudah bosan, sudah jera: ~, *aku tak pergi lagi*; **4.** kata seru utk menyatakan perasaan hairan (kesal, sebal, dll): ~, ~, *bodoh benar budak ini!*

bertaubat 1. menyesal dan berazam memperbaiki diri, mengaku salah, berasa serik; **2.** kembali kpd Tuhan atau agama;

menaubatkan 1. membuat orang taubat (menyesali dosanya dan kembali kpd Tuhan); **2.** menjerakan, mengalahkan.

tauci C sj makanan Cina, sj bubur drpd ikan.

taucu C sj makanan yg dibuat drpd kacang kedelai putih (soya) dgn garam.

taufah Ar lalai, alpa, cuai, malas.

taufan angin ribut, badai.

taufik Ar panduan dan pertolongan (Allah): *kami meminta kpd Tuhan supaya memberi ~ dan hidayat kpd cikgu.*

tauge (taugé) C sj sayur dr kecambah kacang hijau.

tauhid Ar keesaan atau ketunggalan (Allah); *ilmu ~ ilmu bkn keesaan Allah; dgn ~ hati dgn sepenuh-penuh hati, dgn bulat hati; kuat ~nya* kuat kepercayaannya (imannya) yg Allah itu esa;

mentauhidkan 1. mengakui bahawa Tuhan itu esa (satu); **2.** mengesakan, menyatukan, menumpukan hati, memusatkan (hati);

ketauhidan yg berkaitan dgn tauhid, tauhidiah; *ilmu ~ ilmu tauhid.*

tauhidiah Ar (mengenai) keesaan Tuhan.

tauhu I C sj makanan yg dibuat drpd pati kacang kedelai (soya).

tauhu II; *pucuk ~ sj sayuran kering dr kacang kedelai (soya).*

tauk Kd; **menauk** **1.** membuang (melemparkan, mencampakkan) sesuatu; ~ *langkah* mengangkat langkah, melangkah; ~ *sauh* mencampakkan sauh; **2.** menangguk ikan.

tauke (tauké) C tuan punya badan perniagaan (kedai dll), peniaga, saudagar: ~ *Cina tempat aku membeli kipas.*

taukua C tauhu.

taul ark; **menaul** menambat pengayuh (dayung) pd birai perahu, menggantungkan sauh pd birai perahu.

tauladan □ → □ **teladan.**

taulan kawan, teman, sahabat, rakan, handai.

tauliah **1.** pelantikan menjadi wali (wakil dll), surat pelantikan (menjadi wali, wakil, dll): *bilakah ada pilihan raya memilih saya jadi ketua kampung, mana ~nya?* **2.** surat kuasa (sbg wakil dll), surat kepercayaan;

bertauliah mempunyai tauliah, ada tauliahnya: *hanya amil-amil yg ~ sahaja yg boleh menerima zakat drpd orang ramai;*

mentauliahi memberi tauliah kpd;

mentauliahkan memberi tauliah, memberi kuasa: *adalah yg berteriak ~ kerajaan itu ialah Kelana Jaya Putera;*

pentauliahan penyampaian (pemberian) tauliah: *teman wanitanya tidak dapat bersamanya di majlis ~ pegawai kadet itu.*

taun I bp tahun (masa).

taun II 1. = *penyakit* ~ sj penyakit muntah-muntah dan selalu buang air, kolera: *seorang lagi diberitakan telah mati akibat ~ dlm tempoh dua puluh empat jam yg lalu;* **2.** musim penyakit menular, hawar, wabak.

taung Jk; **menaungi** menyelubungi, meliputi (awan dll).

taup; bertaup **1.** menjadi rapat (benda yg renggang), bertemu rapat (bibir dll): *matanya ~ rapat, tetapi bibirnya terbuka sedikit;* **2.**

melekat menjadi satu, berlekatan: *tangkai-tangkai stamen itu ~ bagi membentuk salur stamen; □ → □ taut I.*

taur Mn ark; **menauri** menebus;

tauran tebusan.

Taurat Ar **1.** kitab suci yg diturunkan oleh Allah kpd Nabi Musa: *Tuhan telah menurunkan kitab-kitab spt ~ kpd Nabi Musa, Injil kpd Nabi Isa, Zabur kpd Nabi Daud, dan Quran kpd Nabi Muhammad; 2.* hukum Nabi Musa yg dianut oleh orang Yahudi.

Taurus lambang kedua dlm zodiak, yg berlambangkan lembu jantan.

taut I; bertaut 1. menjadi rapat (bkn sesuatu yg renggang, bercerai, luka, dll), berkatup rapat-rapat: *kemudian bibir mereka ~ beberapa detik; 2.* bercantum, berpaut (pd, dgn): *sewaktu tangan mereka ~, Dewi merasakan tangannya diramas; ~ tangan berjabat (berpegangan) tangan; 3.* tumbuh serta melekat menjadi satu, berlekatan (pd, dgn): *corong asap dr rumah-rumah kelihatan berkepul sebung atap, dan asapnya yg kelabu ~ dgn kabut pekat di udara; 4.* berpusat (pd, pandangan, dll), bertumpu (pd): *fikirannya ~ pd soal pelajaran; 5.* bertemu (sungai dgn sungai dll): *mata mereka ~ lagi, senyum masing-masing melebar; 6.* berhubungan (dgn), bertalian (dgn), berkaitan (dgn): *kesihatan badan ~ rapat dgn kebahagiaan hidup;*

menautkan, mempertautkan 1. menjadikan bertaut kembali; *kaca dgn sekali banting dapat dihancurkan, tetapi mempertautkannya kembali, tidak semudah itu; 2.* memperhubungkan (dgn), mempertalikan (dgn), mempertemukan: *bilakah akan dapat dipertautkan dan diperdekatkan perhubungan Amerika dgn Eropah; 3.* memusatkan (dgn), menyatukan (dgn): *perintah itu bertujuan utk ~ golongan-golongan antara manusia; 4.* menumpukan (memusatkan, mengarahkan) pd;

tautan hasil bertaut, hubungan, kaitan, cantuman: *kesan yg negatif ini mungkin ada ~nya dgn kejadian yg lalu;*

pertautan perihal bertaut, perhubungan, pertalian: *puisi adalah hasil ~ jiwa penyair dan alam di sekitar; taup.*

taut II sj tali kail utk menangkap ikan: *maka di situ hendak ditahannya ~ itu.*

tautofoni (Lin) pengulangan dua kata berima secara berdampingan, mis *kuih-muih* dan *kaya-raya*.

tautologi (Lin) pengulangan sesuatu idea (kata, ungkapan dsb) secara berlebihan tanpa pertambahan kejelasan maksudnya.

tawa perbuatan melahirkan rasa suka (dgn suara terkekeh-kekeh dll): *kuat sungguh bunyi ~nya; ~ orang-orang yg sedang berseloroh itu kedengaran lagi; Tuan Haji Fuad mendengar deraian ~ ratusan muridnya;*

tertawa melahirkan rasa suka (senang hati) dgn suara terkekeh-kekeh, gelak, tergelak: *kemudian ia ~ kuat-kuat;*

~ kecil ketawa yg tidak kuat; *~ besar* = *~ terbahak-bahak* ketawa dgn keras dan nyaring;

mentertawai 1. tertawa terhadap; **2.** menghina, mengejek;

mentertawakan 1. ketawa (tertawa) akan sesuatu, menggelakkan: *murid-murid turut ketawa, walaupun tidak mengetahui apa yg ditertawakan oleh gurunya itu;* **2.** tertawa terhadap sesuatu: *dia ditertawakan kerana kelucuannya;* **3.** tertawa kerana melihat sesuatu, mengejek, mencemuh: *Fakar ~nya menjadikan hatinya semakin marah; dia memutuskan tidak akan lari kerana takut ditertawakan orang dan jadi giatan seumur hidup;*

tertawaan bahan ketawa: *kelakuannya yg kebudak-budakan itu menjadi ~ orang.*

ketawa tawa;

mengetawai mentertawai;

mengetawakan mentertawakan.

tawaduk I Ar 1. merendahkan diri, tidak angkuh: *antara sifat-sifatnya ialah sifat ~, tidak haloba kpd kekayaan dan kebesaran hidup di dunia ini; dgn khusyuk dan ~ dgn sungguh-sungguh (sebulat) hati;*
2. patuh, setia, taat (dlm mengerjakan sesuatu): *syahadan, ialah yg sangat ~nya akan Allah Subhanahuwataala.*

tawaduk II Ar mengambil wuduk; □ → **wuduk I**.

tawaf Ar mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali dgn syarat tertentu sambil berdoa (bkn orang yg sedang mengerjakan haji atau umrah): *pekerjaan yg berhubung dgn umrah, iaitu ~ dan sai;*
~ berpisah = ~ widak tawaf yg dilakukan oleh setiap orang yg mengerjakan haji ketika hendak keluar meninggalkan Mekah; ~ ifadat tawaf rukun dlm ibadat haji dan umrah; ~ qudum = ~ tiba tawaf kerana selamat tiba di Kaabah yg dilakukan oleh setiap orang yg baru masuk ke Mekah sebaik-baik sahaja tiba di sana; ~ sunat tawaf biasa yg boleh dilakukan pd bila-bila masa sahaja;
bertawaf melakukan (mengerjakan) tawaf: *sedang saya ~ di Baitullah dlm orang bersesak-sesak tiba-tiba tangan saya dilanggar oleh orang perempuan yg sama-sama sedang melakukan tawaf.*

tawajuh Ar penumpuan diri (akal, fikiran, perasaan) pd Allah; *hati ~ hati yg dihadapkan kpd Tuhan;*

bertawajuh memusatkan (menumpukan, mengarahkan) segenap fikiran dll pd Tuhan: *aku pernah pula mengunci diriku dlm kamar dgn tidak makan, tidak tidur, melainkan banyak berzikir ~.*

tawak I ark; **menawaki** sl melontari dgn batu: *ditawakinya rumah itu.*

tawak II ark; **menawakkan** menggerakkan (bibir mulut), mengalihkan.

tawakal berserah kpd Tuhan setelah berikhtiar, percaya dgn sepenuh hati kpd Tuhan (dlm penderitaan, kesusahan, dll): *fikirannya menjadi amat sabar, ~ dan menyerah; habis akal baru ~* sesudah dijalankan ikhtiar (dan jika tidak berjaya) barulah berserah kpd Allah;

bertawakal berserah kpd Tuhan setelah berikhtiar, tawakal: *manusia hanya perlu berusaha, bersabar dan ~, pesan Ustaz Aminudin;*

ketawakalan keadaan tawakal: *hal tersebut diandaikan sbg suatu ~ kpd kekuasaan Allah.*

tawak-tawak sl gong kecil utk mengerahkan orang (supaya berkumpul dll).

tawan 1; menawan 1. menangkap atau menahan musuh dll (dlm peperangan dll): *bapanya tidak dapat ditawan, akhirnya Jepun menangkap dia; 2.* merampas dll harta musuh, menjarah, merebut: *tentera payung terjun dgn serta-merta telah ~ lapangan terbang itu dr tangan musuh; 3.* = ~ hati ki menambat (memikat, mempengaruhi, menarik) hati: *wajah yg menarik dan budi bahasa yg ~ membuat Badrul ingin meneruskan persahabatan; banyak dia berkorban utk ~ hati gadis itu; 4.* menguasai: *mereka sentiasa berusaha utk ~ perhatian negara jiran;*

tertawan 1. dapat ditawan (musuh, penjahat, dll), tertangkap: *anak raja Kelantan yg perempuan itu ketiga-tiganya ~ oleh Raja Melaka; 2.* dapat dirampas (dikuasai), ditakluki: *dgn ~nya pulau-pulau Maranas, pihak Amerika makin bertambah dekat dgn Filipina; 3.* = ~ hati ki terpicat, terpedaya: *telah ia memandang harta banyak itu, maka ~lah hatinya;*

tawanan 1. orang yg ditawan: *ia telah menjadi ~ musuh; 2.* apa yg ditawan (drpd musuh), rampasan, jarahan: *barang ~ ; ~ karang sl barang-barang (kapal dll) yg dirampas kerana terkandas di pantai;*

penawanan perihal (perbuatan dsb) menawan;

penawan 1. orang yg menawan; **2.** alat utk menawan.

tawan II; bertawan-tawan; menangis ~ sl menangis tersedu-sedu.

tawan III; akar ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok memanjat) akar larah (jintik), kedunak, pokok keldai, *Fissistigma mabiforme*.

tawang I Jw, sl ruang di antara langit dgn bumi, awang-awang.

tawang II Jk sj rantai leher drpd emas atau perak.

tawang-tawang sj serangga.

tawar I 1. tidak berasa apa-apa (makanan, minuman, dll), hambar, campah, tidak cukup rasa masinnya atau rasa manisnya: *beliau menuang air teh ~ dr teko*; **2.** tidak masin (bkn air di tasik dll): *air sungainya itu ~ sampai ke laut*; *air* ~ a) air yg tidak masin; b) air biasa yg tidak dimasak; **3.** tidak manjur (ubat, guna-guna, mantera, dll), tidak mujarab, tidak mustajab, hilang kekuatannya (tentang bisa, racun, dll): *semua mantera dan jampinya ~ belaka*; **4.** ki hilang minat, tidak girang (gembira), tidak berkemahuan, tidak bernafsu, dingin, hilang keberanian: *hatiku ~ benar utk berbual-bual lagi*; **5.** hilang kemarahan, tidak marah lagi, sudah sejuk hati; **6.** tidak sedap (pd pendengaran dll), tidak bersemangat (cerita, pidato, dll): *pidatonya ~ dan tidak bersemangat*;

~-hambar (-mawar) tawar sekali; ~ *hati* tidak bersemangat (berkemahuan) lagi; ~ *hebiak* Kd terlalu tawar (makanan) sehingga tidak terasa masin atau manisnya; ~ *ipuh* jampi utk menghilangkan bisa ipuh; *jika secawan air ~ dibuangkan ke laut, bolehkah air laut itu menjadi ~?* prb bolehkah nasihat atau pertolongan yg sedikit itu menghilangkan kejahatan yg banyak (mengayakan orang miskin);

tawar-tawar setawar, sitawar;

menawar menghilangkan bisa racun dll (dgn jampi dll):
digunakan segala jampi mantera dan ilmu hikmat yg dipelajari dahulu itu bagi ~ bisa racun itu;

menawari 1. mengubat (dgn jampi, mantera, guna-guna, tepung tawar, dll), menjampi, memanterai, menambari: *ditawarilah oleh Shahar Pahlawan akan bisa itu, barulah Nahar kembali sembuh;*

2. memujuk, memikat, menambat (hati perempuan): *dia ~ janda kaya itu supaya berkahwin dengannya;* **3.** menghilangkan (menyejukkan) kemarahan dll, meredakan (kemarahan dll): *ibunya tahu hati Nibong hati batu, tidak boleh ditawari lagi;*

menawarkan 1. menyebabkan (menjadikan) tawar; **2.** memanterai supaya hilang bisa (penyakit dll), menjampi supaya hilang kekuatan: *dihembuskan tangkal hantu pari, tangkal hantu air pun ditawarkan;* **3.** = ~ *hati* menjadikan tawar hati;

ketawaran perihal tawar;

penawaran perbuatan menawar (menawari, menawarkan);

penawar 1. ubat dll utk menghilangkan bisa (racun, penyakit, dll): *carikan ~ utk mengubati penyakitnya itu;* **2.** mantera, jampi utk menawarkan (penyakit dll); **3.** (sesuatu) yg menyenangkan hati (yg duka), (sesuatu) yg menghilangkan atau mengurangkan perasaan sedih (dukacita dll): ~ *rindu;*

~ *hati* ki orang (suami, isteri, anak, dsb) yg menyenangkan hati; ~ *jampi* ubat serabut drpd tumbuh-tumbuhan (paku pakis) utk menahan darah keluar.

tawar II bp = **menawar**; *bidan* ~ bidan yg diundang (ditempah) terlebih dahulu, lwn bidan terjun; *adat dagang, tahan* ~ barang dagangan sudah semestinya boleh dikurangkan harganya;

bertawar-tawaran tawar-menawar;

menawar 1. menyebut harga (sewa dll) yg berani dibayar, minta membeli (menyewa sesuatu): *sehelai kain panjang perkalungan, sudah ditawarnya lapan rupiah; 2.* meminta dikurangkan harga dll yg ditetapkan oleh penjual: *Pak Dolah tidak ~ lagi, dia mengeluarkan duit dr dlm dompetnya dan membayar; 3.* menyebutkan berapa “kurangnya” drpd harga yg diletakkan oleh penjual dll: *boleh ~ sedikit;*

tawar-menawar saling meminta dikurangkan harganya (sewanya, tuntutan, dll): *dgn tiada bertanggung dan tiada ~ lagi si Tenggang telah membeli barang-barang itu; kuasa ~ mereka lebih kuat lagi drpd seluruh kekuatan negara masing-masing;*

menawari ark mengunjuk seseorang supaya dibeli (disewa, dipakai, dll): *seorang pemuda yg sedang duduk telah bangun dan ~ gadis itu tempat duduknya;*

menawarkan mengunjukkan (mengemukakan dsb) sesuatu supaya dibeli (dipakai, diterima, dll), menyatakan kesediaan memberikan dsb sesuatu (spt pertolongan, khidmat, dll): *seorang anak Cina mendekati dan ~ barang-barang jajaannya; kemudian dia sendiri duduk dan dgn santun ~ rokok kpd tamu-tamunya; dlm hal ini Persatuan ~ khidmat pd peringkat permukaan;*

tawaran 1. harga yg dikemukakan oleh pembeli (penyewa dll): *~ dipelawa bagi menyewa gerai menjual minuman; 2.* sesuatu yg ditawarkan: *mendengar ~ gaji tinggi yg dibuat melalui surat khabar mereka pun datang melamar; dia menolak ~ orang tua itu utk dijodohkan dgn seorang pemuda; 3.* sebut harga (upah) utk membuat sesuatu: *~ drpd pemborong utk membina bangunan itu akan diterima mulai 11 Januari;*

penawaran perihal menawar(kan): *kedua-dua ~ dan penerimaan ini mestilah diucapkan dlm satu perjumpaan; sebarang bencana*

alam atau kegagalan tanaman akan menyebabkan ~ beras dunia semakin berkurangan;

penawar orang yg menawar, pemohon, pelamar.

tawarikh Ar (jamak bagi tarikh) sejarah, babad, riwayat, tambo; →
□ **tarikh**.

tawaruk Ar = *duduk* ~ duduk dgn kaki kiri di bawah kaki kanan dan telapak kaki kanan ditegakkan (ketika duduk membaca tahiyat akhir).

tawas sj garam galian berwarna putih serta kelat rasanya.

tawassul Ar perihal berhubung dgn Allah SWT dgn mengamalkan ibadat khusus mahupun umum: *dlm terminologi Islam, ~ bererti mendekatkan diri kpd Allah dgn mentaati dan beribadah kpd-Nya;*
bertawassul melakukan tawassul: *Islam melarang ~ dgn menggunakan perantara yg ditegah oleh syarak.*

tawes (tawés) Jk; *ikan* ~ sj ikan darat, ikan lampam jawa, *Puntius javanicus*.

tawi NS; **menawi** menebus barang gadaian.

tawon Jw lebah.

taya; *mentua*-~ keluarga drpd pihak mentua.

tayamum Ar perbuatan menyapukan debu tanah yg suci pd muka dan dua tangan sbg ganti wuduk kerana tiada air atau berlakunya halangan menggunakan air, mis sakit: *diwajibkan ~ sbg ganti wuduk atau mandi bagi orang-orang yg sakit yg tidak dapat menggunakan air;*

bertayamum melakukan tayamum: *ada beberapa sebab yg membolehkan seseorang itu ~.*

tayang I; **menayang** membawa di tapak tangan, menatang, menating;

menayang-nayang menunjuk-nunjukkan sesuatu;

menayangkan 1. membawa atau menatang sesuatu: *Dolah ~ gelasnya yg berbusa*; **2.** mempertunjukkan, mempersembahkan (filem dll): *filem yg ditayangkan di sana kebanyakannya filem yg tidak sesuai dgn jiwaku*;

tertayang telah ditayangkan, terbawakan, telah diperlihatkan;

tayangan 1. sesuatu yg ditayangkan; **2.** persembahan atau pertunjukan (filem dll): *hari itu ada ~ pagi cerita Melayu*; ~ *perdana* persembahan (pertunjukan) kali yg pertama (filem dll);

penayangan perihal menayangkan;

penayang 1. orang atau pihak yg menayangkan sesuatu (spt filem dsb): *nasib filem Melayu bukan sahaja terletak pd pembikinan, tetapi juga merangkumi pihak pengedar dan ~*; **2.** alat utk menayangkan sesuatu (spt filem gambar dsb): *skrin ~ filem digital*.

tayang II Ph; *main ~ main* galah panjang, main tul.

tayar lingkaran getah yg dipasang di sekeliling roda (utk mengurangkan getar); ~ *hidup* = ~ *angin* tayar yg diisi dgn udara (angin); ~ *mati* = ~ *padu* tayar yg pejal (padat) dan tidak berongga; ~ *cadangan* (*ganti, simpan*) tayar utk mengganti tayar yg rosak.

tayuban Id sj tarian.

tayum; ~-*temayum* masa matahari terbenam.

tazkirah Ar ceramah ringkas tentang agama Islam sbg peringatan: *kau memberikan ~ sbg perenungan dan pedoman utk menghadapi hidup di bumi ini*.

tazkirat Ar surat kebenaran, surat peringatan, catatan, memo.

Tb simbol kimia bagi terbium.

TB kep tuberkulosis (penyakit batuk kering), tibi.

Tc simbol kimia bagi teknetium.

TDC kep *Tourist Development Corporation* (Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia).

Te simbol kimia bagi telurium.

teater (téater) **1.** bangunan yg di dalamnya terdapat pentas tempat mempersembahkan drama, muzik, hiburan, dsb utk ditonton oleh orang ramai, panggung, pawagam; **2.** seni pentas: *mereka membicarakan perkembangan ~;*

berteater bergiat dlm bidang teater: *janganlah asyik ~ sahaja hingga mengabaikan tanggungjawab yg lain;*

pentatearan segala hal yg berkaitan dgn teater: *alam ~ menunjukkan bahawa budaya Malaysia bersifat pelbagai bangsa.*

tebah I; menebah 1. memukul sesuatu dgn barang yg pipih: *~ air dgn dayung; ~ dada menampar-nampar dada (kerana marah, sedih, dll); 2.* membanting (padi): *padi yg ditebah itu dilonggokkan di suatu tempat;*

penebah sesuatu yg digunakan utk menebah: *~ belakang.*

tebah II Kl; menebah menangkap (belalang, lalat, dll) dgn telapak tangan dll.

tebak I Jk; menebak 1. menjawab teka-teki, meneka: *~ teka-teki; 2.* menduga, menelah, mengagak: *siapa dapat ~ apa yg kupegang ini?; mereka ~ saya akan datang hari itu;*

tebakan 1. teka-teki; **2.** dugaan, telahan, tekaan.

tebak II ark sj alat utk memecahkan batu, alabangka, linggis.

tebak (tébak); **menebak** menarah (dgn kapak), menetak, memenggal; *~ tanah menggali tanah dgn cangkul.*

tebakang sj ikan darat, temakang, tembakang, *Helostoma temmincki.*

tebal I 1. tidak tipis (barang yg berkeping-keping atau berhelai-helai, spt kertas, papan, kain, buku, dll): *kertas ~; selimut ~; tilam ~;* **2.** kasar dan jelas kelihatan (garisan, tulisan, dll): *garis ~; huruf ~;* **3.** padat (awan, kabus, dll), tumpat: *asap ~; awan ~;* **4.** lebat lagi banyak tumbuhnya (rambut, janggut, tanam-tanaman, dll): *hutan*

yg ~; rambut ~; rumput di situ amat ~; **5.** teguh dan kukuh (iman, kepercayaan, keyakinan, kasih sayang, dll), banyak mengandung atau berisi dgn (sesuatu), mendalam: *ia tahu betapa ~nya cinta suaminya terhadap dirinya;*

~ *bibir* tidak suka bercakap banyak; ~ *hati* keras hati; ~ *jangat* = ~ *kulit* tidak tahu malu, tidak berperasaan; ~ *kantung* banyak wang (kaya); ~ *lidah* susah hendak menyebut kata-kata asing, keras lidah; ~ *muka* = *muka* ~ tidak tahu malu; ~ *telinga* a) tidak menghiraukan (ejekan, makian, dll orang); b) tidak tahu malu;

menebal menjadi tebal: *hujan sudah berhenti betul, hanya asap sabut yg mula ~ semula;*

menebalkan **1.** menjadikan tebal; **2.** memperkukuh (iman, hati, kepercayaan, dll), memperkuat, memperteguh: *lawatan itu diadakan utk ~ persaudaraan antara kedua-dua belah pihak;* ~ *muka* menghilangkan perasaan malu, sanggup menanggung malu; ~ *telinga* menekan perasaan (kalau dimarahi, diejek, dll);

mempertebal menjadikan lebih tebal.

tebal II; ~ *bibir* sj ikan laut, *Plectorhyncidae*; ~ *pipi* sj ikan laut, *Pamadasys spp.*; ~ *sisik* sj ikan darat, *Puntius binotatus*.

teban (téban) ark = **tebanan** wang dll yg ditagan (dlm permainan judi dll), tagan, taruhan;

meneban bertaruh, bertagan (dlm perjudian), mencagarkan atau menggadaikan hasil (tanah, perniagaan, dll).

tebang I; bertebang sudah dipotong (pokok kayu dll);

menebang memotong pokok kayu dll yg besar-besar: *segala pegawai mengerahkan rakyat menebas dan ~ segala kayu-kayuan;* ~ *tebas* = ~ *menebas* memotong segala jenis pokok utk bercucuk tanam dll; *hendak ~ merebahkan, hendak mencencang*

memutuskan prb Mn hendak berbuat sesuatu dgn sesuka hati tanpa memikirkan sesuatu yg lain;

tebangan 1. hasil drpd menebang; **2.** apa yg ditebang; **3.** cara menebang;

penebangan 1. perihal menebang; **2.** tempat menebang (pokok kayu);

penebang 1. alat utk menebang (spt kapak, beliung, dll); **2.** orang yg (kerjanya) menebang.

tebang II; *burung ~ mentua* sj burung, burung torak, *Rhinoplax vigil*.

tebar (tébar) I; berteban, berteban bertabur(an) ke sana ke mari, berhamburan, berserak-serak, terserak-serak: *pengikut Wan Derus ~ di merata-rata pulau yg berhampiran; lari berteban* lari lintang-pukang (tidak tentu arah, tidak keruan);

menebari menaburkan sesuatu pd, menghamburi;

menebar, menebarkan 1. mencampakkan (jala dll) supaya kembang atau terbentang: *maka bentara pun lalulah ~ jala di olak putera bersiram itu*; **2.** menaburkan (benih dll), menghamburkan: *orang sudah ramai membuat kerja, ada yg ~ padi dan ada yg mencangkul*; **3.** menjadikan berserak-serak, menyerak-nyerakkan; **4.** ki menjadikan meluas (merebak), memperluas: *apabila terjadi perselisihan antara dua golongan umat, sengaja ditebarkannya perselisihan itu*; **5.** = **mempertebarkan** menyiarkan (agama dll) supaya berkembang; *mempertebarkan kecek Id* menyiarkan khabar palsu;

tertebar telah ditebarkan, terhambur, tersebar, terserak, tersiar, tertabur;

tebaran sebaran, siaran, taburan;

pertebaran perihal berteban: *pd masa itu ~ penduduk begitu jarang*;

penebaran perbuatan menebar: *corak ekonomi dan ~ sumber-sumber asli;*

penebar orang yg menebarkan, pengembang, penyiar: *Demang Lebar Daun adalah seorang ~ asas demokrasi.*

tebar (tébar) **II**; ~ *layar* bahagian rumah berbentuk segi tiga yg menutupi ruang di antara dua kasau jantan yg bersilang.

tebas I; **bertebas** sudah dipotong atau dirambah (pokok-pokok kecil): *semak-semak itu sudah ~;*

menebas memotong atau merambah pokok-pokok kecil: *ia disuruh ~ semak; ~ hutan menebang pokok-pokok dlm hutan, membuka hutan utk bercucuk tanam dll; ~ jalan merintis (membuat) jalan di hutan; ~ menebang = menebang ~ menebang segala pokok (besar kecil), membersihkan drpd pokok-pokok: setelah habis ~ menebang mereka menunggu utk membakar pula;*

menebaskan 1. sl membersihkan drpd pokok yg kecil-kecil: *tebaskanlah segala semak ini;* **2.** menebas utk; **3.** memarangkan, menetakkan: *ia ~ pedangnya ke leher askar itu sehingga putus;*

tertebas dapat ditebas: *aku yakin hutan itu akan ~;*

tebasan kawasan yg sudah ditebas, cerang, ladang: *sebelum membakar ~ itu, ia melaporkannya dahulu kpd polis;*

penebasan perihal (perbuatan, kerja dsb) menebas atau menebaskan: *~ semak di belakang rumahnya itu masih belum selesai walaupun upahnya sudah lama dibayar.*

tebas II Jw; **menebas** memborong hasil tanaman (buah-buahan, padi, dll) sebelum dipetik atau dituai: *dia ~ padinya;*

menebaskan memborongkan hasil tanaman sebelum dipetik: *semua buah-buahan disusunya sudah ditebaskan kpd tauke itu;*

tebasan 1. perihal menebas, pembelian hasil tanaman (sebelum dipetik); **2.** hasil drpd menebas.

tebat I 1. tambak utk menyekat pengaliran air, bendung, empang; **2.** tempat (kolam dll) utk memelihara ikan, kolam memelihara ikan, balung;

menebat 1. membuat tebat pd sungai dll, membendung, mengempang; **2.** membuat kolam ikan (di sungai dll).

tebat II 1. salut (logam dll yg mengalirkan arus elektrik) supaya arus elektrik tidak mengalir ke tempat lain; **2.** benda yg menyekat panas (dingin) keluar dr benda lain;

menebat menyalut (supaya arus elektrik tidak mengalir ke tempat lain): *Henry ialah orang yg pertama sekali ~ dawai utk gelung magnet;*

penebatan perihal menebat, penyekatan;

penebat tebat: *bahan-bahan berongga spt kulit dan bulu adalah ~ yg baik.*

tebeng (tebéng) Kl, bp memaksa-maksa diri utk melakukan sesuatu.

tebeng (tébéng) I Jw kajang (kain, layar, tikar, dll) yg digunakan sbg pelindung cahaya matahari dll, pendinding: ~ *jendela*; ~ *pintu*; *main* ~ bp menyembunyikan kejahatan (kesalahan);

menebeng memaparkan (kajang, layar, dll) utk pendinding, memampangkan (kajang dll): *bangsal itu ditebeng dgn kajang*;

menebengkan membentangkan kain (tikar, permaidani, dll) utk dipertunjukkan; ~ *dada* sl memampangkan dada (ketika berlawan).

tebeng (tébéng) II Jk; **menebeng** menumpang (makan, minum, membaca surat khabar, dll) dgn tidak membayar wang.

tebeng (tébéng) III; **bertebeng** bergunting rambut: *dia sudah ~ utk menambahkan ketampanan rupanya.*

tebengau sj tumbuhan (pokok renek), gambak yem, medang seminyak, *Ehretia timorensis*.

tebera; *ikan* ~ sj ikan darat, tambera, temberih, *Labeobarbus tambra*.

teberau sj tumbuhan (rumput yg tinggi), tebu salah, *Saccharum arundinaceum*; **tembarau**.

tebing pinggir sungai dll yg tinggi lagi curam, lereng (gunung, bukit, dll): ~ yg tinggi; berarak ke ~ prb orang yg berlumba-lumba melakukan sesuatu yg mendatangkan kecelakaan;

menebing menyerupai tebing, berbentuk spt tebing (awan yg tinggi dan tebal).

tebok (tébok); **menebok** meninju dgn sekuat-kuatnya, menggocoh, menumbuk.

tebolah Kl, bp tidak senonoh (kelakuan, perbuatan, dll).

tebu sj tumbuhan (rumput berbatang tinggi dan beruas-ruas) yg menghasilkan gula, *Saccharum officinarum*; jenis-jenisnya: ~ batang, ~ betung, ~ gading, ~ hitam, ~ kapur, ~ madu, ~ telur, dll; ~ gajah sj tumbuhan (pokok memanjat yg boleh dibuat ubat demam kepialu), akar (kulit) manis, *Albizzia myriophylla*; ~ kera sj tumbuhan (herba), pokok sampu landak, setawar hutan (jantan), *Forrestia gracillis*; ~ salah a) sj tumbuhan (rumput yg tingginya sampai 20 kaki atau 6.09 meter), buluh teberau, riung, *Saccharum arundinaceum*; b) sj tumbuhan (rumpai), rumput gedabung, *Phragmites communis*; akar ~ gajah sj tumbuhan (pokok memanjat), akar cius (kayu manis, kepah), *Acacia pennata*; ~ masuk mulut gajah prb binasa sama sekali, tidak dapat ditolong lagi; ~ seruas berulat pula prb anak seorang tetapi penyakitan atau buruk pula perangnya; ~ setuntung masuk geraham gajah prb pemberian yg sedikit kpd orang yg kaya tentu tidak diharganya; bertanam ~ di bibir = tanam ~ di bibir mulut prb mengeluarkan kata-kata yg manis utk memujuk (memuji dll); dapat ~ rebah prb mendapat keuntungan dgn tiada bersusah payah; diminta ~, diberi tembarau prb yg diminta dikabulkan tetapi kurang drpd yg

diminta; *jangan difikirkan kalau ~ itu bengkok, manisnya itu pun bengkok juga* prb jangan disangka nasihat atau kata-kata orang yg jahat itu selamanya jahat; *seliang bagai ~, serumpun bagai serai* prb (orang yg) seia sekata; *seruas ~ yg berulat (sebatangnya dibuang)* prb Mn oleh sebab seorang yg bersalah (dlm sesuatu kaum) seluruh kaumnya dihukum; *spt ~, airnya dimakan, hampasnya dibuang* prb tiap-tiap perkataan yg didengar dr mulut orang hendaklah dipilih yg baik drpd yg jahat;

tebu-tebu **1.** ruas-ruas (berbentuk spt ruas pd gelang dll); **2.** gelang-gelang (pd batang tombak, hulu keris, dll);

bertebu-tebu **1.** beruas-ruas; **2.** bergelang-gelang;

bertebu-tebukan sl menggunakan sbg gelang-gelang (tebu-tebu): *maka baginda pun menganugerahi akan Laksamana keris dr Bukit Seguntang itu, bersangkar emas, bertatahkan ratna mutu manikam, ~ emas dipahat;*

menebu-nebu menjadikan (membuat) bertebu-tebu.

tebua Kl, Tr terbuka luas, ternganga: *betis dia ~ kena parang.*

tebuan sj serangga yg bersengat (biasanya membuat sarang di pokok), *Gespa tropica;*

~ meminang anak labah-labah prb jodoh yg tidak sepadan; *sarang ~ jangan dijolok* prb jangan sengaja mencari bahaya (kesusahan); *spt ~ di dlm tukil* prb percakapan yg kurang jelas.

tebuk I **1.** lubang yg tembus (lubang butang, lubang tali kasut, dll); **2.** lekuk yg dalam (lubang lesung dll); **3.** berlubang, tembus, tembuk;

bertebuk (telah) ditebuk: *biasanya kulit siput itu ~ di belakangnya supaya mudah dijadikan kalung;*

menebuk membuat lubang pd, melubangi, menembusi, menggerak: *~ lubang butang; kelapa ditebuk tupai* prb gadis yg telah hilang daranya;

tebukan hasil drpd menebuk, lubang dll yg telah ditebuk: *jalan potong dan kadang-kadang ~ terpaksa dibina apabila jalan kereta api melalui kawasan bukit;*

penebukan perihal (kerja, proses) menebuk;

penebuk alat utk menebuk: ~ *gabus.*

tebuk II; ~ *seludang* sj tumbuhan (herba), *Polygonum barbatum.*

tebus I; bertebus (telah) ditebus: *harta benda yg ditinggalkan oleh ibu bapanya dahulu itu terjual dan tergadai hilang tidak ~;*

menebus 1. membayar wang utk mendapatkan kembali barang-barang yg tergadai: *barang-barang yg digadai dahulu sudah ditebus;* **2.** membeli kembali barang-barang (harta dll) yg telah dijual: *kau mesti mengumpulkan wang utk ~ kembali segala harta ibu bapamu yg kaujual dahulu itu;* **3.** membayar wang dll utk membebaskan (hamba, sandera, orang tawanan, dll): *orang Quraisy ~ orang tawanan dgn harta benda yg dibayar kpd orang Islam;* **4.** menukarkan cek dll dgn wang di bank: *hendaklah sekolah membuat perhubungan dgn bank supaya bank bersedia menerima cek-cek ini drpd guru-guru yg ~nya;* **5.** Id mengambil barang catuan dll dgn menyerahkan kupon dll; **6.** berbuat jasa (kebaikan dll) utk menghapuskan sesuatu kesalahan (dosa dll): *dia kurang berani, kurang insaf, dia harus ~ dosanya;* **7.** membela kekalahan (kegagalan dll), memulihkan kehormatan (nama baik dll), menutup malu: *dgn jalan ini Singapura berjaya ~ kerugian yg telah dialaminya dlm bulan September yg lalu;* **8.** membalas jasa (budi, kebaikan, dll) yg diterima: *tiap-tiap kebaikan itu akan ditebus kelak;* **9.** menepati janji dll yg telah dibuat, menunaikan (janji dll); **10.** menyelamatkan (jiwa, nyawa, dll) orang dlm bahaya; **11.** mengorbankan (jiwa, harta benda, dll) utk mendapatkan sesuatu: *kejayaan beliau sekarang ini ditebus dgn*

pengalaman dan penderitaan hidup yg pahit; 12. mengikat jamin (orang yg ditahan polis dll): ayah telah mengambil wang dan segera pergi ke mahkamah utk ~ Mak Jah;

~ malu melakukan sesuatu utk menutup malu; ~ talak meminta supaya diceraikan dgn membayar kembali mahar kpd suami;

tertebus dapat ditebus;

tebusan 1. sesuatu yg ditebus; **2.** (wang dll) utk menebus: *kalau dapat menculik anak doktor itu, kami dapat minta wang ~ yg besar;*

~ darah bela, tuntutan bela; hamba (orang) ~ orang yg menjadi hamba kerana hutang, budak belian;

penebusan perihal menebus: *maka banyaklah harta yg terkumpul hasil drpd ~ orang-orang tawanan Quraisy itu;*

penebus 1. orang yg menebus; **2.** apa yg boleh atau yg digunakan utk menebus: *darahnya mahu menjadi ~ darah ayah dan ibunya; taraf haji mabrur sahaja yg dapat menjadi ~ kpd segala dosa.*

tebus II ark tembus.

tebus guna; menebus guna menukar (gurun, paya, dll) menjadi tanah yg sesuai utk tanaman, bangunan, dsb;

penebusgunaan penukaran (gurun, paya, laut, dll) menjadi tanah yg sesuai utk tanaman, bangunan, dsb.

tedak Jw ark **1.** turun; **2.** keturunan.

tedas I Jw nyata, jelas, terang; *hitam ~ hitam benar; merah ~ merah tua.*

tedas II gelang-gelang atau lingkaran yg terpahat dll timbul pd tiang.

tedeng (tédeṅg) Jw benda yg digunakan sbg pendinding (supaya tidak kelihatan dll), tabir, tebeng; *~ aling-aling* ki apa yg digunakan utk menyembunyikan rahsia (perbuatan buruk dll); *dgn ~ aling-aling* tidak dgn terus terang, dgn diam-diam (berselindung); *main ~ aling-aling(an)* melakukan sesuatu dgn sembunyi-sembunyi;

bertedengan tidak dgn terang-terang, berselindung, bersembunyi-sembunyi.

teduh 1. sudah beransur kurang, tidak kencang lagi, reda (angin, ribut, ombak, dll): *maka ribut itu pun ~lah*; **2.** sudah beransur kurang, sudah berhenti, sidang (hujan): *teman-temannya sedang berbual-bual sambil menunggu hujan ~*; **3.** terlindung drpd panas matahari, tidak kena panas matahari, lindap: *jika kita berdiri di tempat yg ~ kita tidak dapat melihat matahari dan tidak dapat merasa habanya*; **4.** tidak hujan (cuaca), muram (matahari), redup, suram: *matahari sudah mulai ~*; **5.** ki aman, tenang; *Lautan T~ Lautan Pasifik*; *lagi ~ lagi berkajang, lagi terang lagi bersuluh* prb memilih yg sebaik-baiknya (memilih menantu dll);

berteduh 1. berlindung drpd panas matahari (hujan, ribut, dll), bernaung: *tatkala itu panas terlalu terik, beliau pergi ~ di bawah sepohon kayu kelat*; **2.** = **berteduhkan (drpd)** menjauhkan (drpd), melindungi (drpd), memeliharakan (drpd): *Surgiwa berteduhkan dirinya di bawah daun asam itu drpd hujan dan panas*; **3.** menumpang tinggal, diam, duduk: *aku bangga kerana telah memberinya tempat ~ di rumahku*;

hujan tempat ~, panas tempat berlindung prb orang yg selalu memberikan pertolongan kpd orang banyak dlm segala hal;

meneduh Jk berteduh;

meneduhi melindungi, menaungi: *anjung yg terbuka diteduhi oleh bidai putih hijau*;

meneduhkan 1. meredakan, menghentikan, menenangkan (hujan, ribut, dll); **2.** menjadikan terlindung drpd panas matahari: *dia ~ basikalnya di bawah pokok yg rendang itu*; **3.** membawa ke tempat yg teduh;

keteduhan 1. perihai teduh, keredaan, ketenangan, kelindungan; **2.** terlindung drpd hujan atau panas matahari: *sudah hampir pukul lima, bangku tempat mereka duduk ~ pula;*

peneduh sesuatu yg boleh menyebabkan terlindung drpd panas matahari, hujan dsb: *sekitar masjid dihiasi dgn pokok ~ dan bunga-bunga.*

tedung; *ular ~* sj ular yg amat bisa dan dapat mengembangkan tengkuknya, *Naja spp.;* (*ular*) ~ *abu* sj ular, *Naja bungarus;* (*ular*) ~ *selar* sj ular, *Naja hannah;* *ular ~ senduk* sj ular, *Naja tripudians;* *ayam ~* ayam sabungan yg merah tua bulunya serta hitam mata dan kakinya.

tega (téga) tidak menaruh belas kasihan, tidak peduli akan kesusahan dsb orang, sampai hati.

tegadas; *bedil ~* sj bedil zaman dahulu.

tegah sesuatu yg tidak dibenarkan, larangan, lwn suruh (perintah): *dgn jalan tafsir dapat mengetahui suruh dan ~, halal dan haram;* ~ *larang(an)* barang apa yg terlarang; ~ *suruh* larangan dan perintah; *menjauhkan (menghentikan) ~* tidak melakukan apa-apa yg terlarang;

bertegah terlarang; *tidak ~* tidak dapat dilarang, tidak terlarang;

menegah 1. tidak membenarkan (melakukan sesuatu), melarang: *Islam ~ seorang laki-laki berkhalwat dgn perempuan yg halal nikah dengannya;* **2.** menahan (drpd melakukan sesuatu), mencegah, menghalang: *maka ditegah oleh Bendahara, tiada diberinya melawan;*

tegahan apa yg ditegah, larangan, sekatan: *di sana tidak ada ~ membuang sampah.*

tegak 1. berdiri: *lambat amat ibu ~;* **2.** lurus ke atas (garisan, tiang, sikap badan, dll): *dia berdiri ~;* **3.** tidak berbengkok-bengkok, lurus,

tepat (pandangan): *gunakan benang halus dan jarum halus supaya ~ jahitannya*; **4.** ki tetap tidak berubah, tetap teguh (pendirian dll): *mereka tetap ~ dgn pendirian mereka*; **5.** = *setinggi* ~ sama tinggi dgn orang berdiri, sependiri; **6.** wujud dan berkembang (sesuatu yg abstrak): *mereka menganggap bahawa agama itu ~ di atas sangkalan tersebut*;

~ *cancang* tegak lurus (letak telinga binatang dll); ~ *damar* tempat memasang damar; ~ *duduk* sekejap berdiri sekejap duduk (gelisah); ~ *ekor* menunjukkan keberanian dan kegarangan masing-masing; ~ *tegun* tegak dan tidak bergerak-gerak;

~ *pd* yg *datar* prb tetap berpegang pd kebenaran; ~ *sama tinggi, duduk sama rendah* prb dua orang yg sama darjatnya; ~ *seroman-roman, duduk serupa-rupa* prb dipandang rupa sbg orang kaya (orang pandai) tetapi sebenarnya tiada harganya dlm masyarakat; yg ~ *disokong, yg lemah ditopang* prb orang yg kaya itu biarlah bertambah kaya tetapi yg miskin patut dibantu pula;

setegak setinggi orang berdiri, sependiri (tingginya);

tegak-tegak 1. sentiasa tegak (berdiri), berdiri tidak dgn sungguh-sungguh; **2.** berdiri (duduk dll) lurus-lurus: *mereka itu disuruhnya berdiri ~ spt askar*; **3.** ki dgn terang-terang, dgn begitu sahaja, mentah-mentah: *dihalaunya ~ sahaja agaknya; kapal musuh yg lengkap dgn senjata itu ditentanginya ~*;

bertegak; ~ *lutut* duduk dgn lutut ditegakkan; ~ *nama* Mn berkenduri utk memberi nama; ~ *penghulu* Mn merasmikan perlantikan penghulu;

menegak 1. lurus ke atas, tidak condong atau miring: *sesuatu garisan itu ~ jika ia menghala ke pusat bumi ini*; **2.** bergerak dr satu tangga gaji dlm sesuatu peringkat ke peringkat yg lebih tinggi

dlm tangga yg sama dlm Sistem Saraan Baru (bkn pergerakan gaji kakitangan perkhidmatan awam kerajaan Malaysia);

menegakkan 1. meletakkan berdiri tegak (tiang dll), mendirikan: ~ *tiang*; **2.** ki membina, membangunkan (rumah dll), menubuhkan (persatuan dll): ~ *rumah*; ~ *perkumpulan*; **3.** menjadikan (menyebabkan) tegak: ~ *bulu roma*; **4.** mengusahakan supaya berdiri tegak, mengusahakan supaya menjadi teguh dan kuat, mempertahankan (negara, keadilan, keyakinan, dll), memelihara atau mempertahankan (kemerdekaan, kedaulatan, dll): *perjuangan utk ~ bahasa Melayu sbg Bahasa Kebangsaan*; *berusaha utk ~ keamanan dlm kawasan ini*; **5.** memegang teguh (pd pendapat, pendirian, kebenaran, dll), mempertahankan (pendapat dll): *Tuhan sentiasa berada dgn kita dlm ~ kebenarannya*; **6.** memperkukuh (hati, semangat, keberanian, dll), memperteguh;

tertegak tiba-tiba berdiri tegak, terdiri: *beberapa minit kemudian kereta itu pun ~ di depan pejabat besar*; *dgn ~nya keadilan, seseorang hakim akan bebas bertindak mendaulatkan undang-undang*;

ketegakan perihal tegak, kedudukan;

penegakan perihal menegakkan;

penegak 1. sesuatu yg menegakkan (mendirikan), pendiri; **2.** orang (pihak) yg memperjuangkan sesuatu: ~ *kebenaran*;

sepertegak Mn sepersalinan pakaian: *sekarang dia hendak pulang, spt sediakala juga, dgn nasi sebungkus dan kain ~*.

tegal I sl kerana, oleh sebab; ~ *itulah* oleh sebab itulah, kerana itulah; *alah bisa ~ biasa* prb kalau selalu diperbuat pekerjaan itu hilanglah ketakutan dan kecanggungannya (pengalaman praktik lebih berguna drpd teori).

tegal II Id tanah kering (yg diusahakan), cerang, ladang;

tegalan; *tanah ~ tegal.*

tegal III sj ikan laut, *Megalaspis cordyla.*

tegang 1. sering, cekang, kencang (tali, spring, dll), tidak kendur, tidak lembap, regang (kulit gendang dll): *tali yg direntang itu mestilah ~;* **2.** tidak lembut (rambut dll), kaku, keras dan liat (daging, otot, dll): *segala urat dan ototnya telah menjadi ~ dlm masa membuat senaman itu;* **3.** sangat nyaring, keras, langsing (suara dll): *~ sahaja bunyi suaranya;* **4.** ki tidak mesra (persahabatan dll), bertentangan, genting (perselisihan dll): *hubungan antara Kemboja dgn Vietnam Selatan telah ~ sungguh; suasana menjadi ~ ;*
~-magang keras dan liat; *~-teguh* Pr, bp berkehendak sangat;
~ dinanti kendur, *keras dinanti* lunak prb utk menyelesaikan perselisihan hendaklah dinantikan waktu kedua-dua belah pihak reda kemarahannya; *~ yg berjela-jela, kendur yg berdenting-denting* prb pemerintahan yg baik, di dlm keras ada lunaknya dan di dlm lunak ada kerasnya; *kendur mengusut, ~ memutus* prb, Mn perihal pentadbiran yg kurang baik (kelemahannya menyebabkan kekacauan dan kekerasannya menimbulkan kerusuhan);

bertegang, bersitegang; *~ (urat) leher* tidak mahu mengaku kalah, berkeras, mengotot: *aku pun menuju ke dapur tempat ayah dan ibuku sedang ~ leher itu;*

~ urat leher ~ buku lidah prb tidak ada yg mahu mengaku kalah (dua orang dlm perdebatan);

menegang 1. menjadi tegang: *urat-urat di wajahnya ~;* **2.** merentang;

menegangi menarik supaya tegang: *tegangilah kail itu;*

menegangkan 1. menjadikan tegang, menarik dll supaya tegang, meregangkan: *berapakah panjang spring itu jika tidak ditegangkan?;* **2.** ki menjadikan genting (perhubungan dll),

meruncingkan (perselisihan): *peristiwa yg berlaku itu telah ~ lagi perhubungan antara kedua-dua buah negara tersebut;*

mempertegang menjadikan lebih atau bertambah tegang;

tegangan, pertegangan keadaan tegang; ~ *permukaan* (Fiz) sifat permukaan cecair yg bertindak seolah-olah sbg lapisan kulit kenyal (disebabkan daya tarikan antara molekul-molekul cecair yg berada di permukaan);

ketegangan 1. perihal atau keadaan tegang; 2. pertentangan yg keras, kegentingan, keruncingan: ~ *politik Asia Tenggara sekarang akan dibincangkan selama empat hari;*

penegangan proses menegangkan sesuatu: ~ *dan pengenduran otot;*

penegang alat (bahan, ubat dsb) yg digunakan utk menegangkan sesuatu (spt tali, kulit, urat dsb): *minyak gamat dijadikan ~ urat; sedak digunakan sbg ~ kulit gendang.*

tegap I 1. kukuh dan kuat (tubuh badan), gagah serta kuat (sikap badan), berisi lagi kuat (tubuh badan): *badannya masih ~, pandangannya masih baik;* 2. kuat, kukuh, teguh, utuh: *gunakan meja yg ~ dan cukup tingginya supaya tidak membongkok apabila bekerja;* 3. kuat atau erat (ikatan dll), kukuh (letak sesuatu dll); 4. ki kukuh (keadaan ekonomi atau politik dll); ~ *hati* teguh hati; ~ *sasa* = ~ *tegun* sl tegap serta kuat;

menegapkan menjadikan tegap, meneguhkan, menguatkan, mengukuhkan: *akar ~ berdirinya pokok; piutang atau pertaruhan wang di luar negeri itu membantu ~ kedudukan kewangan negeri;*

ketegapan perihal tegap, kegagahan (badan), keteguhan, kekuatan, kekukuhan (tali dll).

tegap II sj ikan laut, *Chirocentrus dorab*.

tegar I 1. tidak dapat dilenturkan, keras kaku; 2. ki tidak dapat diubah (pendirian, pendapat, dll), degil: *mereka mempunyai pandangan yg ~; ~ hati = ~ tengkuk* tidak mahu menurut (mengalah dll), keras hati, keras kepala, degil; *~ pelupuk mata* berani; *tanah ~ tanah kering* yg keras;

bertegar berkeras (berdegil dll), berkeras hati;

menegarkan menjadikan (menyebabkan) tegar, mengeraskan;

ketegaran kekerasan hati, kedegilan: *kegagalan dan kelambatan mencapai perdamaian selalu dikaitkan dgn ~ kerajaan Barat.*

tegar II Jh; **menegarkan**; *~ kemudi* membelokkan kemudi (arah ke kanan) dgn kuat.

tegar sj tumbuhan (herba yg harum bau akarnya apabila dibakar), benjuang, ciciak, lenjuang benar, meroyan bungkus, senjuang, setagit, siak-siak, siak-siak basya (jantan), *Dianella ensifolia*.

tegarun ark; *kain ~ sj kain sutera* yg disulam dgn benang emas.

tegas 1. jelas serta terang (kelihatan dll), nyata: *dgn suara ~ dan jelas ia berkata*; 2. tidak ragu-ragu atau samar-samar, tentu, tepat: *hukuman yg ~ mestilah segera dijalankan*; 3. kata atau ujar (yg tidak ragu-ragu, tentu, tepat, dll): *“Kerajaan akan melancarkan gerakan tentera utk menghalau komunis-komunis keluar dr Danang,” ~ beliau*; 4. = *~nya* maksudnya, ertinya, jelasnya: *~nya perkara itu belum lagi dapat diselesaikan*;

bertegas mengatakan sesuatu dgn bersungguh-sungguh (beria-ia) : *raja ~ bahawa pihaknya boleh membuat undang-undang*;

menegas ark meminta penjelasan (keterangan);

menegaskan 1. menerangkan, menjelaskan: *di dlm bahagian berikut akan ditegaskan mustahaknya mengajar ‘nombor asas’ dlm kira-kira campur, tolak, darab dan bahagi*; 2. mengatakan (menyatakan) dgn tegas: *aku ~ buat kesekian kalinya bahawa aku*

tidak pernah beruntung; 3. memberi ketentuan, memastikan, membenarkan: kedudukan yg sebenar mengenai perkara itu belum dapat ditegaskan oleh pihak yg berkuasa;

ketegasan 1. perihal tegas, kejelasan, ketetapan: *dia mengambil suatu ~; 2. apa yg ditegaskan, keterangan: ia terdiam mendengar ~ Wan Derus;*

pertegasan 1. pembatasan erti, definisi, takrif; 2. penentuan, pemastian;

penegasan penjelasan (yg tidak perlu diragui), penentuan, penerangan (yg nyata): *berilah ~ kpd aku sama ada engkau hendak pindah dr sini atau tidak.*

tegel (tégél) IB batu ubin (utk lantai dll).

tegil Jk susuh ayam yg asli (lwn susuh buatan).

teguh 1. tidak mudah terbongkar atau roboh, kukuh (buatannya), kuat, erat (ikatannya dll): *jikalau sepohon kayu banyak akarnya lagi ~, apakah ditakutkan ribut; kainnya ~, tahan lama, ringan dan senang dicelup; 2. ki kuat (tali persaudaraan, persahabatan, dll), rapat: demikian sekali ~nya tali persaudaraan yg telah diikat antara orang Muhajirin dgn orang Ansar itu; 3. ki tidak merosot (ekonomi dll), kuat: keadaan ekonomi negeri kita tetap ~, baik dr segi kewangan mahupun barang-barang; 4. tidak berubah (iman, hati, pendirian, kesetiaan, dll), tetap: beliau mempunyai keazaman yg ~ dan kesanggupan yg kukuh utk menghadapi berbagai-bagai peristiwa hidup; ~ hati = hati ~ kuat hatinya; ~ setia tidak berubah-ubah kesetiaannya; yg ~ disokong, yg rendah ditindih prb ketidakadilan;*

berteguh memperkukuhkan diri, memperlengkapkan diri (supaya lebih teguh); ~ hati menguatkan hati, dgn teguh hati;

berteguh-teguh, berteguh-teguhan; ~ *janji* saling menyatakan setia kpd janji;

berteguhkan sl, **meneguhkan** berpegang teguh (pd janji dll);

meneguhkan **1.** menguatkan, mengukuhkan: ~ *angkatan laut*; **2.** menyanggahkan, mengesahkan: *beliau telah ~ kebenaran berita itu*; **3.** berpegang teguh (pd janji), tetap memenuhi janji (kata-kata);

~ *janji* menepati janji; ~ *setia* tetap setia;

memperteguh menjadikan lebih teguh, memperkuat: *kita dapat ~ negara dan dapat menjamin keselamatan dan kebahagiaan hidup rakyat kita*;

keteguhan perihal teguh (hati, iman, dll), kekuatan, ketabahan, ketetapan: ~ *hati dan ketabahan jiwa yg begini adalah menunjukkan sifat keperwiraan hulubalang Melayu*;

peneguhan perihal meneguhkan, penguatan, pengukuhan, penyungguhan;

peneguh sesuatu alat (unsur, fakta dsb) yg meneguhkan atau memperteguh: *anak merupakan ~ ikatan perkahwinan suami isteri*.

teguk; seteguk sebanyak yg ditelan sekali (air): *minta air barang ~ dan nasi barang sesuap*;

meneguk minum (air, ubat, dll), menelan (air): *mereka ~ kopi masing-masing*;

tegukan sesuatu yg diteguk;

ketegukan ark tersedak, kesedakan; **deguk**.

tegun; bertegun, menegun berhenti sebentar: ~ *di pintu*;

tertegun tiba-tiba terhenti dan terdiam, berdiri tegak (tidak bergerak-gerak), terhenti (kerana hairan, terperanjat, memikirkan sesuatu, dll): ~ *sejurus ia di muka pintu kamar itu; yg bernyanyi ~ yg bercakap dan tertawa berdiam diri*;

tertegun-tegun sebentar-bentar berhenti, terhenti-henti, tertahan-tahan, terputus-putus: *ia melangkah, berjalan lambat-lambat disela-sela tempat yg telah diduduki orang, ~ sambil melayangkan mata kian ke mari.*

tegur 1. = ~ *sapa* kata-kata yg diucapkan utk menyapa (mengajak berbual-bual, beramah tamah, dll): *terlalu baik budi bahasanya lagi dgn ~ spanya; 2.* = ~ *ajar* kritikan, nasihat, petunjuk, tunjuk ajar: *barang ~ ajar mereka itu tidak dilalui baginda;*

bertegur = ~ *sapa* = **berteguran** saling menyapa, sapa-menyapa, berbual-bual: *dua hari kami tidak ~; dia bangun dr kerusinya dan ~ sapa dgn teman-temannya; berteguran dahulu maka berkenalan, mendaki dahulu maka tahu lelah prb setelah dialami barulah diinsafi;*

menegur 1. = ~ *sapa* mengajak berbual-bual (bercakap-cakap, bertanya, dll), menyapa: *maka Nenek Kebayan pun segeralah ~ tuanku Malim Deman; 2.* mencela, mencerca, mengkritik: *tidaklah pula menjadi salah kpd seseorang pengarang yg ~ langkah-langkah kerajaan dgn secara patut dan sederhana; 3.* = **menegurkan** memberi nasihat, memperingatkan, menasihatkan, mengingatkan, menunjuk ajar: *saudara hambalah akan kapit hamba dan bapa hamba akan ~ mengajar hamba orang muda bebal; 4.* mengganggu (bkn syaitan, hantu, dll), merasuk: *sakit ditegur hantu;*

meneguri menegur (seseorang), menyapa (seseorang);

menegur-neguri Mn memeriksa orang sakit dgn menggunakan kunyit dll (utk mengetahui sebab-sebab penyakit);

teguran 1. hasil perbuatan menegur, sapa; **2.** celaan, ajaran, cerca, kritikan, petunjuk: *rencana itu patut dianggap sbg ~ yg membina*

utk kebaikan gerakan kerjasama di seluruh negeri amnya; **3.** amaran, peringatan;

keteguran 1. = ~ *hantu* sakit kerana diganggu hantu, kerasukan (hati dll); **2.** ark termenung-menung kerana bingung dll, terkasima.

teh (téh) **I 1.** = *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok renek yg daunnya dikeringkan dan dibuat minuman), *Camelia sinensis*; **2.** = *daun* ~ daun drpd pokok teh yg telah dikeringkan (dibuat minuman dgn air); **3.** = *air* ~ minuman yg dibuat drpd daun teh;

~ *encer* air teh cair; ~ *hutan* = ~ *kampung* sj tumbuhan (pokok renek), *Acalypha siamensis*, ~ *makau* sj tumbuhan (herba), capadang, *Scorpria dulcis*; ~ *kosong* air teh yg tidak dicampur gula; ~ *O* bp a) teh kosong; b) air teh yg tidak dibubuh susu (tetapi ada gulanya); ~ *O beng C*, bp air teh kosong yg dibubuh air batu; ~ *susu* air teh yg dibubuh susu dan gula.

teh (téh) **II 1.** Pr nama timang-timangan bagi anak yg keenam; **2.** Ph panggilan utk anak yg keempat.

teisme (téisme) kepercayaan pd satu Tuhan semesta sbg pencipta dan pemerintah alam.

teja (téja) **I 1.** awan merah atau kekuning-kuningan yg kelihatan di kaki langit sebelah barat (ketika matahari masuk); **2.** ark pelangi, bianglala, ula danau, ula daru, benang raja: ~ *keluang* cahaya terang yg nampak di langit selepas hujan ribut; ~ *membangun* teja yg tegak.

teja (téja) **II;** ~ *badak (lawang)* = *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok yg akar dan daunnya dibuat ubat), kayu manis hutan, medang kemangi, *Cinnamomum iners*; ~ *betina* = ~ *pasir* sj tumbuhan (pokok yg kayunya baik utk perkakas rumah), medang pasir, *Neolitsea zeylanica*.

teja (téja) **III** Tr membuat bahagian permulaan tikar mengkuang: *saya tidak tahu cara ~.*

teji (téji); *kuda ~ kuda besar lagi tangkas.*

tek (ték) **I** bunyi spt bunyi jam (mesin taip dll); □ → □ **tik I.**

tek (ték) **II** Mn kecil.

teka; meneka menebak, menduga, mengagak: *dapatkah kamu ~ mengapa orang itu datang menemui kita?; bukan semudah itu utk ~ hati manusia;*

tekaan apa yg diteka, dugaan, sangkaan, tebakan;

peneka orang yg meneka: *hanya empat orang ~ sahaja telah dapat meneka dgn tepat dlm peraduan teka bola itu; terka I.*

tekad (tékad) kemahuan yg sungguh-sungguh (utk mencapai sesuatu), kepercayaan yg sungguh-sungguh, kebulatan hati: *bulatlah sudah ~ nya utk ke luar negeri; memasang ~ Id bernazar, berkaul, berniat; membulatkan ~ menetapkan kemahuan (utk berbuat sesuatu);*

bertekad bermaksud, berazam, berniat;

ketekadan kesungguhan (hati): *~ utk bersatu.*

tekah sj kera yg berekor panjang, *Hylobates leuciscus.*

tekak I 1. bahagian langit-langit yg lembut (di sebelah belakang mulut);

2. rongga kerongkong; **3.** ki rasa atau alat perasa (pd mulut): *anak ~ anak lidah; kering ~ dahaga, haus; payau (langu) ~ tidak ada selera hendak makan; tidak sedap ~nya a) tidak sedap rasanya (makanan); b) tidak ada selera utk makan; umpan ~ makanan utk membangkitkan selera makan;*

bertekak ki bertengkar, berbalah, berbantah: *bagaimana akan kita yakinkan umum akan kebagusan faham sosialis ini, jika kita saling ~ tanpa pokok yg hak;*

menekak seakan-akan melekat di tekak (rasa): *manisnya ~.*

tekak II sl tidak mahu menurut kata, keras kepala, tegar hati, degil.

tekal 1. tidak berubah-ubah halnya atau keadaannya, tetap, konsisten; **2.** sesuai, selaras sepanjang masa; **3.** ki teguh, tetap berpegang pd pendirian, pendapat, dll;

ketekalan keadaan tekal, konsistensi: ~ *tiga ilmu yg sudah ada penting utk menentukan penerimaan mendidik generasi muda.*

tekam sj tumbuhan (pokok), balau bukit (pipit), damar laut, kuning tengkawang, *Shorea collina*.

tekan; ~ *kundai* sj hiasan pd kundai (drpd emas dll);

bertekan bertumpu dgn tangan pd, bertelekan: *Basi membongkok dgn kedua-dua tangannya ~ di meja;*

bersetekan Mn bertekan;

menekan 1. mendesak kuat-kuat, menindih kuat-kuat: *ia terus ketawa terbongkok-bongkok ~ perut;* **2.** ki memperkuda, memeras, menggencet, menindas: *undang-undang yg spt ini hanyalah sbg senjata bagi golongan pemodal utk ~ golongan miskin;* **3.** ki menghentikan (sesuatu) dgn paksaan, mencegah, mengekang: *matanya sedikit basah, tetapi ia berhasil ~ perasaannya;* **4.** ki mengadakan desakan yg keras terhadap, mengasak, mendesak (hingga menyusahkan): *askar kita sedang ~ pasukan pertahanan musuh dgn keras; atas nama keamanan sejagat, yg gagah ~ yg lemah;* **5.** ki mendesak keras (supaya), memaksa-maksa: *Wan Uma dan kawan-kawannya sedang mengambil langkah-langkah ~ orang ramai supaya menyebelah kepadanya;* **6.** ki = **menekankan** mengatakan sesuatu dgn keras (kuat), mengeraskan (pengucapan): *Jali menekan-nekan suaranya;* **7.** ki menghimpit-himpit dan menyusahkan, menyesalkan: *perubahan ini walaupun sedikit demi sedikit, tetapi terasa benar menekan-nekan hidupnya;*

menekankan 1. menekan dgn sesuatu (pd), menindihkan sesuatu (pd), mendesakkan sesuatu (pd): *Kamal ~ kepalanya pd pintu kuat-kuat*; 2. mengucapkan kata (suku kata) dgn keras, mengeraskan suara utk menegaskan: *ia ~ suku kata yg terakhir*; 3. sangat-sangat mementingkan, mengutamakan, menitikberatkan, menegaskan: *Menteri Besar itu ~ bahawa semua rakyat drpd semua lapisan keturunan telah bersatu padu; tulisan ini ~ hubungan antara karya novelis-novelis tersebut dgn masyarakat*;

tertekan ditekan, tertindas, tertindih: *petani-petani yg sentiasa ~, dicukai berlebihan dan ini telah menimbulkan pemberontakan bersenjata*;

tertekan-tekan tidak lancar (perjalanan sesuatu), tersangkut-sangkut: *Konah menceritakan lagi dgn suara yg agak ~ pula keluarnya*;

tekanan 1. keadaan atau hasil menekan: ~ darah; ~ udara; 2. sesuatu yg menekan dgn kuat, desakan, paksaan: *ia menarik diri dr ~ politik; ditimpa oleh ~ emosi yg mengganggu perjalanan fikiran*; 3. = ~ suara = ~ bunyi kata (suku kata) yg diucapkan lebih keras drpd yg lain, pengucapan kata yg dikuatkan: *guru menggaris dgn kapur warna di bawah perkataan yg menghendaki ~ suara*; 4. sesuatu yg dipentingkan (diutamakan);

~ atmosfera (Fiz) tekanan pd suatu titik di permukaan bumi yg disebabkan oleh berat udara yg berada di atas titik tersebut; ~ darah tekanan pd dinding arteri yg nilainya bergantung pd daya pengepaman jantung, kekenyalan dinding arteri, dan juga isi padu serta kelikatan darah;

ketertekanan perihal (keadaan) tertekan;

penekanan perihal menekan (menekankan);

penekan alat dll utk menekan.

tekan (tékan) IB **1.** = **tekanan** bp tandatangan; **2.** = **menekan** bp membubuh (menurunkan) tandatangan, menandatangani;

~ *kontrak* a) menandatangani kontrak (perjanjian); b) menjadi kuli kontrak; ~ *mati* bp bersedia mengorbankan nyawa, masuk pasukan berani mati; ~ *serdadu* bp masuk menjadi serdadu; **teken I.**

tekang palang kayu dll yg dipasang melintang utk menahan dinding lombong dll (supaya tidak runtuh);

menekang memasang tekang pd, memberi bertekang.

tekap I penudung yg pipih atau mungkum (spt tapak tangan pd mulut, sapu tangan pd muka, dll); ~ *sampan* papan (kayu) penutup pd sebahagian drpd haluan dan buritan perahu; *kertas* ~ kertas tipis yg diletakkan di atas lukisan dll utk menirunya;

bertekap bertudung dgn sesuatu yg pipih atau mungkum: *mukanya* ~ *dgn sapu tangan*; ~ *mulut* menutup mulut dgn tangan;

menekap 1. = **menekapi** menutup dgn sesuatu yg pipih atau mungkum: *ada lagi yg akan diucapkan oleh Hasan, tetapi tiba-tiba Rohani telah ~ mulutnya*; **2.** meniru peta dll dgn menggunakan kertas tekap;

menekapkan menutupkan (melingkupi) sesuatu pd: *perlahan-lahan dr belakang ia ~ tangannya pd kedua-dua mata Osman*;

tekap penutup yg mungkum; **tekup.**

tekap II bp pekerjaan lama yg ditinggalkan (berladang dll).

tekar = ~-*takih* Pr, bp halangan, rintangan.

tekat sujian, sulaman;

~ *berakam* sujian dgn benang emas (perak), bersongket: ~ *berawan* sujian yg merupakan gambar awan; ~ *bersuji* sulaman dgn benang sutera; ~-*bertekat* sujian dgn menampal kain dll yg lain; ~ *timbul* sujian yg bergambar timbul;

bertekat dihiasi dgn tekat, bersuji, bersulam: *kain sarung ~ emas*;

bertekatkan bersuji dgn, bersulam dgn;

menekat membuat tekat, menyuji, menyulam: *anakanda telah pandai ~ menyulam berbagai-bagai rupa cara-cara baru belaka;*

tekat-menekat ilmu yg berkaitan dgn kerja menekat: *Hajah Habibah bercadang membuka kelas ~ sbg langkah permulaan mendidik generasi muda;*

tekatan hasil menekat, yg ditekat: *bunga-bunga ~ ini bermutu tinggi.*

teka-teki 1. soalan yg dikemukakan secara samar-samar dan rumit yg jawabannya harus diduga, soalan utk menduga akal: *kanak-kanak biasanya sangat suka akan ~;* **2.** sesuatu perkara yg susah atau sulit diselesaikan: *manusia itu selalu merupakan ~ yg setiap waktu boleh memberikan macam-macam keganjilan yg tidak terduga-duga;*

~ silang (kata) teka-teki dgn mengisi huruf dll dlm petak-petak; ~ terbang teka-teki dgn menyebutkan huruf-huruf Jawi yg harus dijawab dgn kata yg dieja dgn huruf-huruf itu;

berteka-teki mengucapkan teka-teki, bertanya jawab dgn teka-teki: *biasanya percakapannya itu dijalankan dgn ~ .*

tekawang → □ **tengkawang.**

tekek (tekék) Jw tokek.

tekek (tékék) I Mn; **menekek** memukul (mengetuk) dgn buku jari, sekeh.

tekek (tékék) II Kl, Tr berkembar dan melekat: *pisang ~.*

tekelek (tékelék) Jw alas kaki yg dibuat drpd kayu, kelum, terompah.

teken (téken) I tandatangan;

meneken membubuh tandatangan, menyain: *kontraknya segera diteken;*

penekenan perihal meneken: *pd hari ~ kontrak baru itu, wang permulaan diterima lebih banyak drpd biasa; □ → □ tekan.*

teken (téken) **II** IB = **tekanan** bp gambaran, lukisan.

teker (téker); *batu* ~ sj batu api (utk membuat api);

meneker membuat api dgn memantik besi baja pd batu teker (yg telah dibubuh habuk kayu);

tekeran **1.** batu teker; **2.** pemantik api (dgn batu api).

teki I □ → □ **teka-teki**.

teki **II** sj tumbuhan (rumpai yg umbinya boleh dimakan), rumput halia hitam, *Cyperus rotundus*; ~ *rawa (bodoh)* sj tumbuhan (herba), rumput butang (teli), *Kyllinga monocephala*; *rumpit* ~ sj tumbuhan (herba), kancing baju jantan, katub perenggang, rumput sekepit burit, *Kyllinga brevifolia*.

tekidanto (tékidanto) (Jepun) sj senjata pelempar bom tangan.

tekis hampir sangat pd tepi, nyaris, cemas; ~ *jatuh ke dlm jurang* nyaris jatuh ke dlm jurang.

teknetium (téknétium) (Kim) sj unsur logam yg radioaktif.

teknik (téknik) **1.** pengetahuan yg berkaitan dgn pembuatan barang-barang hasil industri (spt jentera, kenderaan, bangunan, dll): *kita sekarang hidup dlm zaman ~ dan sains*; **2.** kaedah mencipta sesuatu hasil seni (muzik, karang-mengarang, dll): ~ *melukis sedikit sahaja diajar di sekolah rendah*.

teknikal (téknikal) **1.** (yg) berkaitan dgn pelaksanaan sesuatu kerja dsb (tidak dgn aspek-aspek atau perincian kerja itu sendiri): *pelancaran skim itu terpaksa ditangguhkan kerana masalah ~*; **2.** (yg) berkaitan dgn sesuatu bidang pengetahuan yg tertentu: *perkataan ~; istilah ~*.

teknokrasi (téknokrasi) **1.** sekumpulan ahli sains, jurutera, dan pakar lain yg mempunyai kuasa politik, di samping pengetahuan teknikal; **2.** sesebuah masyarakat atau organisasi yg dikuasai oleh ahli sains, jurutera, dan pakar lain.

teknokrat (téknokrat) pakar teknikal (ahli sains dll), orang-orang yg mahir dlm bidang teknologi dll yg mempunyai kuasa politik.

teknologi (téknologi) **1.** aktiviti atau kajian yg menggunakan pengetahuan sains utk tujuan praktis dlm industri, pertanian, perubatan, perniagaan, dll, sains gunaan: *Universiti Malaya memainkan peranan yg penting utk melahirkan pakar-pakar ~ kita*; **2.** kaedah atau proses menangani sesuatu masalah teknikal;

~ *maklumat* teknologi yg berkaitan dgn pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan dan penyebaran maklumat secara elektronik; ~ *maklumat dan komunikasi* teknologi yg berkaitan dgn pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan dan penyebaran maklumat melalui penggunaan teknologi komputer dan telekomunikasi; ~ *tinggi* teknologi yg berasaskan kajian saintifik termaju spt penggunaan peralatan elektronik yg canggih;

berteknologi mempunyai teknologi: *masyarakat ~ tinggi*.

teko (téko), **tekoan** (tékoan) C sj cerek drpd tembikar dll (tempat air teh dll).

tekoh (tékoh) ketua (kepala) gudang.

tekoh Kd kadang-kadang;

tekoh-tekoh tekoh.

tekokak (Sunda) sj tumbuhan (pokok renek), *Solanum torvum*.

tekong (tékong) I C **1.** ark nakhoda jong, juragan, kapten; **2.** ki ketua (sesuatu rancangan jahat dsb), kepala.

tekong (tékong) II Jk → □ **tikung**.

tekong (tékong) III Mn ukuran berat.

tekoran (tékoran) Jk sj kelongsong yg dibuat drpd daun pisang dll, limas, takir.

tekpi (tékpi) C sj serampang bercabang tiga, trisula.

tekpo (tékpo), **tekpoh** (tékpoh) C sj permainan judi.

tekpon (tékpon) Kl, bp oleh kerana, sebab.

teks (téks) **1.** kata-kata asli oleh pengarangnya (bukan terjemahan, ulasan, ringkasan drpd asalnya): *hikayat ini dijadikan buku dan dicetak, sehingga dgn jalan demikian ~nya tidak dapat mengalami perubahan lagi*; **2.** petikan dr sesebuah kitab suci (yg dijadikan bahan rujukan dll); **3.** kandungan buku yg utama (tidak termasuk catatan dll); **4.** tulisan yg dijadikan pokok syarahan dll: *dia berpidato dgn memegang ~ di tangannya.*

teksu (téksi) **1.** kereta yg membawa penumpang dgn mengambil sewa, kereta sewa; ~ bandar teksu yg khusus beroperasi dlm kawasan bandar; ~ sapu teksu tidak berlesen; **2.** bp beca roda tiga, biasanya di Kelantan;

berteksu menaiki teksu: *walaupun jaraknya sangat dekat, kami terpaksa ~ pd pagi itu kerana hujan sangat lebat.*

tekstil (tékstil) barang tenun (kain putih, sutera, dll); *kilang ~ kilang barang-barang tenun; kedai ~ kedai barang-barang tenun.*

tekstur (tékstur) jalinan bahagian-bahagian yg halus sesuatu benda (spt jalinan serat pd kain, jalinan butir-butir halus tanah, dsb), daging (kain, buah, dll): *tanah perlu diadun semula utk memperoleh ~ dan kesuburan yg sesuai.*

tekte (tékté) C wang kunci, wang pendahuluan.

tektek (tékték); ~-bengek; □ → □ **tetek II.**

teku tidak lekas putus asa, rajin, tekun; *sedikit-sedikit ~ , lama-lama menjadi bukit* prb kalau kita berhemat sedikit-sedikit, lama-lama simpanan menjadi banyak juga.

tekua; baju ~ sj baju.

tekuk I; **bertekuk** berlipat (kulit dll), berkedut, berkeluk;

~ *lutut* a) berlipat lutut; b) ki tunduk (kpd musuh dll), mengaku kalah, tewas; ~ *tangan* a) berpeluk tangan (tubuh), berdekap; b) ki tidak berbuat apa-apa;

menekuk 1. melipat, melengkungkan, membengkokkan: ~ *rotan*;
2. menangkap (pencuri dll), membekuk, menewaskan (musuh):
pihak polis berhasil ~ pencuri kereta itu;

tekukan 1. lipatan; 2. sesuatu yg dibengkokkan (dilengkungkan);
3. alat utk membengkokkan.

tekuk II sj ikan laut, *Halieutia stellata*.

tekukur; ~ *api* sj burung, punai lembu, *Macropygia ruficeps*; ~ *api besar* = ~ *api gunung*, *Macropygia unchall*; ~ *jerum* sj burung, ketitir, merbuk, *Streptopelia chinensis*; ~ *merbuk* sj burung, balam, ketitir, merbuk, *Geopelia striata*; *paksa* ~ *padi rebah*, *paksa tikus lengkiang terbuka* prb sesuatu yg selalu dicita-citakan.

tekun 1. = *dgn* ~ *dgn* rajin dan usaha (melakukan sesuatu), bersungguh-sungguh: *bekerjalah awak ~~, jangan banyak angan-angan*; 2. tabah hati, keras hati: *dgn ~ dia bekerja mencari nafkah*;

bertekun 1. rajin dan bersungguh-sungguh (bekerja, berusaha, mengaji, dll), berkeras hati: *kira-kira lapan sembilan bulan aku ~ mengaji dan menulis itu*; 2. = **tertekun** menumpukan fikiran dll pd, sangat asyik (mengerjakan sesuatu): *jangan engkau biasakan menulis malam, kerana nanti lekas rosak mata, dan siang pun jangan ~ sangat, kerana engkau budak-budak nanti menjadi penyakit*; 3. sangat-sangat berpegang pd (adat, kepercayaan, dll): *mereka masih ~ pd adat kuno*; 4. ark bertelekan (pd), bertumpu (pd);

menekun mempelajari dll sesuatu dgn tekun: *Laila sentiasa menghabiskan waktu senggang dgn ~ pelajaran sekolahnya*;

menekuni berusaha sungguh-sungguh utk sesuatu: *pengajian teologi juga terus ditekuni tanpa mengalami hambatan;*

menekunkan menjadikan (seseorang) tekun:~ *diri dgn beberapa penelitian;*

ketekunan 1. perihal tekun, kerajinan, kesungguhan; 2. keasyikan (melakukan sesuatu).

tekung ruas (buluh, tebu, dll).

tekup; menekup menutup (sesuatu) dgn tapak tangan atau dgn sesuatu yg pipih atau mungkum;

menekupkan merapatkan (tapak tangan dll) ke muka dll sehingga tertutup muka: *Puan Saidah ~ kedua-dua belah tangannya ke muka; tekap I.*

tekur I IB = **ketekuran** bp tiada cukup (wang, perbelanjaan, dll), kurang, kekurangan: *tidak akan ~ nanti wang belanja di rumah?;*

menekurkan menjadikan kurang, mengurangkan: *penghulu-penghulu kepala, di sanalah kerap kali ~ kas negeri.*

tekur II = **bertekur** tunduk;

menekur 1. memandang ke bawah, menunduk: *ia ~ ke tanah; dia tunduk ~ ke pangkuan silanya yg kemas; 2. ark tidak mahu mempertahankan pendiriannya (haknya dll), mengalah: semenjak itu fikirannya sudah mulai agak ~;*

menekuri menekur ke, memandang ke bawah pd: *dia ~ lantai;*

menekurkan; ~ *kepala* menundukkan kepala: *Habibah sendiri ~ mukanya, malu tersipu-sipu.*

tekuyung Br sj siput.

tekwando (tékwando) → **tae kwan do.**

Tel. kep Telefon.

tel (tél) IB, bp bilangan yg disebutkan berturut-turut; *empat ~ satu-dua-tiga-empat.*

tela rumah belakang yg didirikan bersambung dgn istana (tempat perempuan).

tela (téla) I ark dapur-dapur pd senapang kuno.

tela (téla) II; **pertelaan** butir-butir yg tersusun mengenai sesuatu perkara.

telaah penilikan, pemeriksaan, penelitian, penyelidikan;

menelaah 1. mengkaji semula (mengulang) pelajaran: *Ani maju dlm pelajaran disebabkan dia rajin ~*; 2. memeriksai, meneliti, menyelidiki: *ia berhati-hati ~ petanya dgn menentukan haluan dgn kompas itu*; 3. menilik, menelah, meramalkan (nasib dll): *dia ~ bahawa peperangan di Vietnam akan tamat pd tahun depan*;

penelaahan perbuatan atau proses menelaah: *terserahlah kpd generasi kita kini utk melakukan ~ intelektual dan pentafsiran sejarah yg mendalam*;

penelaah orang yg menelaah: *dia seorang pemerhati dan ~ yg rajin*; **mutalaah**.

telabang ark sj perisai.

telabat ark sl melangkah dgn sangat hormat (utk menghadap raja dll).

teladan perbuatan dll yg patut diikuti, contoh: *yg baik buat ~ , yg buruk buat sempadan*;

meneladan meniru, mencontoh: *mereka belajar dan ~ serta menerima perubahan di Barat*;

meneladani 1. memberi teladan kpd, menjadi teladan kpd: *guru hendaklah ~ muridnya*; 2. meniru, mencontohi: *beliau berharap agar pengunjung-pengunjung akan dapat ~ pertunjukan itu; kita boleh ~ dan belajar drpd negara jiran, iaitu Indonesia yg dapat mengeluarkan filem yg bermutu*.

teladas Kl jeram, cegar.

telaga 1. perigi, sumur; 2. tasik, danau; 3. ark balung, kolam; 4. = ~ *tahi* jamban, kakus; 5. = ~ *minyak* perigi tempat penggalian minyak; ~ *di bawah gunung* prb perempuan yg banyak mendatangkan untung dan bahagia kpd suaminya; ~ *mencari timba* prb perempuan mencari laki-laki; *adakah drpd ~ yg jernih itu mengalir air yg keruh?* prb tidak mungkin orang yg bangsawan (berpelajaran) itu melakukan perbuatan yg keji-keji.

telagah; bertelagah 1. berlainan pendapat, berselisih faham, bertelingkah: *dia memberi amaran kpd kedua-dua belah pihak yg ~ itu supaya jangan memainkan api fitnah*; 2. bertengkar mulut, berbantah: *suami isteri itu mulai ~*;

pertelagahan perihal bertelagah, perbantahan, perselisihan, pertelingkahan, pertikaian: ~ *sengit telah berlaku antara guru-guru Melayu dgn Kementerian Pendidikan mengenai pelajaran menengah Melayu*.

telah I 1. kata yg menyatakan perbuatan dll yg lampau (sempurna, selesai), sudah: *mereka ~ menjadi suami isteri*; 2. sl sebaik sahaja, apabila: *syahdan, ~ sampailah surat itu, maka segera dibalasnya*; **setelah** sesudah, sehabis, selepas: ~ *makan tengah hari kami pun meneruskan perjalanan*; ~ *itu, lori itu melanggar saya*.

telah II; menelah mengatakan apa-apa yg akan terjadi, menenung, menilik, meramalkan: *tidak dapat dia ~ apa yg akan terjadi pd dirinya*;

telahan sesuatu yg ditelah, agakan, dugaan: *Tuk Guru membuat ~ berkenaan nasib Tengku Long*;

penelahan perihal (perbuatan dsb) menelah, penenungan, ramalan;

penelah orang yg menelah, tukang ramal, penenung.

telak Jk kena benar, tepat.

telakan telekan.

telampung ark kayu dll yg mengapung di air, pelampung.

telan; ~ *batu* prb menyembunyikan rahsia;

menelan 1. memasukkan (makanan dll) ke dlm perut melalui kerongkong: *makanan itu pun dikunyahnya, kemudian barulah ditelannya;* **2.** memakan mangsa dll, melulur: *ular itu kononnya sangat besar dan boleh ~ seekor kerbau;* **3.** ki memakai banyak-banyak (perbelanjaan dll), banyak memakan atau menggunakan: *utk mengundang manusia seramai itu pun sudah ~ belanja yg besar juga;* **4.** ki mengambil sesuatu secara gelap atau haram (makan suap dll): *sebahagian wang ini ditipu dan ditelan oleh pegawai-pegawai yg bertanggungjawab dlm lapangan sosial;* **5.** ki menerima sesuatu yg tidak menyenangkan (spt kekalahan dll): *walau bagaimanapun orang Melayu terpaksa ~ kecaman yg sebegitu pedas;* **6.** menguasai (negeri dll), menakluki: *dia memberitahu kerajaan bahawa orang asing itu akhirnya akan ~ Jepun;* **7.** ki menguasai, menghapuskan, melenyapkan: *sesungguhnya itu satu lagi warisan budaya yg patut sama-sama dipelihara agar tidak pupus begitu sahaja ditelan zaman;*
hendak ditelan termengkelan, hendak diludah tiada keluar prb berhadapan dgn sesuatu masalah yg sangat sulit, berada dlm keadaan yg serba salah;

tertelan 1. sudah ditelan, dgn tidak sengaja ditelan; **2.** dapat ditelan: *ubat itu tidak ~ olehnya kerana sangat pahit;*

penelanan perbuatan (proses dsb) menelan.

telancang, telancung sj burung, *Aethostoma rostratum*.

telang I; *buluh* ~ sj buluh yg tipis sekali, talang; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), bunga biru, kelang (kembang, bunga) teleng, *Clitorea ternatea*.

telang II; bertelang berbelang (kulit harimau dll), bercoreng, loreng.

telangkai 1. orang yg menjadi perantara dlm perkahwinan (perundingan dll): *tiga hari kemudian ~ itu pun datanglah utk meminang gadis itu; dlm ~ sudah dipinang orang (bkn gadis); 2.* orang tengah, wasitah (dlm perniagaan, perundingan, dll), wakil: *orang tua tadilah ~ penjualan kerbau itu;*

menelangkai menanyakan (meminang, melamar) gadis utk: *maka ada dlm surat menyebutkan ~ puteri anak Raja Besar di Ujung Tanah;*

penelangkaian perihal menelangkai, peminangan.

telangkup tertungkup, tertiarap, lwn terlentang;

menelangkupkan meletakkan telangkup, menelungkupkan, meniarapkan: *Tini berdiri, terduduk lagi, ~ muka pd meja, menangis lagi.*

telanjang = bertelanjang 1. tidak bertutup tubuhnya (dgn pakaian), bogel: *dia membuka seluar, ~ bogel masuk bilik mandi; apabila ia menoleh kpd tubuhnya barulah diketahuinya akan dirinya bertelanjang bulat; 2.* tidak bersarung (keris, pedang, dll), tercabut, terhunus: *rakyat Feringgi tujuh puluh ribu berdiri serta memegang pedang bertelanjang; 3.* tidak mempunyai pakaian (perhiasan dll), tidak ada yg tinggal (harta benda); **4.** tidak bertutup, terbuka, terdedah: *ketika kami asyik bermain-main, datang sepuluh orang tentera dgn dada ~;*

~ bulat (bogel, buta, loncos) telanjang sama sekali; telah bertelanjang prb habis kain baju tergadai kerana kalah berjudi;

menelanjangi 1. menanggalkan (segala pakaian dll) yg dipakai: *ditelanjanginya anaknya itu; 2.* merampas segala pakaian (perhiasan dll) yg dipakai: *~ penumpang-penumpang dr barang-barang mereka; 3.* ki membukakan (rahsia, kejahatan, dll),

mendedahkan hingga diketahui orang segala-gala yg dirahsiakan:
beliau telah pernah ~ keadaan masyarakat di Kampung Kambing;

menelanjangan menjadikan telanjang;

ketelanjangan keadaan telanjang: *lelaki itu masih tegak di tengah kolam dlm ~;*

penelanjangan perihal (perbuatan dsb) menelanjangi.

telanjur I 1. melampaui (melebihi, melewati) had (tujuan dll) yg tertentu, terlampau: *dia pergi ke pekan utk membeli barang-barang tetapi ~ sampai ke panggung wayang;* 2. tersasul, terdorong, terlangsung (perkataan, perbuatan): *perkataannya sudah ~;* 3. sudah terdahulu berbuat sesuatu: *dia sudah ~ makan sebelum datang ke kenduri;* 4. sudah melampaui batas, sudah berlebih-lebih: *hukuman yg dikenakan itu ~ sangat;*

ketelanjuran perihal telanjur, keterlaluan: *dia menyesal atas ~nya mengeluarkan kata-kata celupar yg tidak selayaknya itu;* □ → □

lanjur.

telanjur II; *burung ~ sj burung, Malacocincla r. rostratum.*

telantar tidak terpelihara (anak isteri dll), terbiar: *selepas perang, ramai isteri dan anak yg ~ sebab suami atau ayah mereka meninggal dlm perang;* □ → □ **hantar II, lancar II.**

telap I 1. dapat menembusi (bkn senjata spt keris dll), makan, mempan: *keris itu tidak ~ pd tubuhnya;* 2. dapat dicerderakan, dapat dilukai, lut; *tiada ~ oleh senjata kebal;* 3. dapat ditembusi (air), dapat diresapi: *tanahnya tanah liat yg tidak ~ air;*

menelap makan pd (senjata), mempan pd, melukai, mencederakan, mengena.

telap II = telapa ark 1. bekas utk menyimpan sesuatu; 2. bekas drpd tembikar dll utk menyimpan bau-bauan (gambir, tembakau, dll).

telapak, telapakan 1. tapak kaki, tapak tangan: *dia meletakkan wang itu ke ~ tangannya; sujud di bawah ~ sujud di bawah kaki (baginda); di bawah telapakan (orang) diperbudak-budakkan orang; duli telapakan ke bawah duli (paduka); telapakan kaki a) tapak kaki; b) anak tangga yg di bawah sekali; 2. Id lapisan yg tebal pd tayar basikal (kereta dll).*

telas; petelasan ark galang, landasan.

telat IB, bp terlambat, terlewat: *hari itu kami bermain ~ drpd biasa.*

telatah gerak-geri, tingkah laku, kelakuan, perangai: *meluat benar perasaan Masri melihat ~ Nisah yg mengada-ngada pd malam itu.*

telatai NS bidai (drpd bilah buluh, rotan, dll).

telatak Ph rakit kecil, jeriau, lanting.

telatap I pondok utk bermalam (dlm hutan).

telatap II □ → □ **telatak.**

telaten (telatén) Jw teliti dan sabar (melakukan sesuatu pekerjaan), cermat, hati-hati.

telau warna yg lebih muda pd dasar yg lebih gelap (pd kain, kulit binatang, dll), bertompok-tompok (cahaya matahari di bawah pohon-pohon dll);

bertelau-telau 1. berbelang-belang dgn warna yg lebih muda, bertompok-tompok: *langit cerah biru pucat dgn awan ~ putih berserakan; 2.* ki belum merata masaknyanya (padi), bertabur: *padi masak baru ~; ~ bagai panas di belukar prb hukuman atau adat yg tidak sama rata.*

tele (télé) I Mn; **bertele-tele** bercakap dgn tidak tentu hujung pangkal, omong kosong, melantur-lantur: *perdebatan ~ tanpa hasil.*

tele (télé) II; **tele-tele** bodoh, bebal, dungu.

tele (télé) III IB sj kain kelambu.

teledek (télédek) Jw penari perempuan (yg menari dgn iringan gamelan), ronggeng, tandak.

teledor (telédor) **1.** tidak menjalankan tanggungjawab, lalai, lengah, malas-malas: *ampuni cucumu ini jika dia salah, tegur jika dia ~*; **2.** tidak berapa tekun bekerja (belajar dll), agak mundur (dlm pelajaran): *tolong nasihati budak ini jika dia ~ dlm pelajarannya*; **3.** suka berlengah-lengah atau bertangguh-tangguh (membayar hutang dll); **4.** ark bosoh, bengal, degil (makian);

meneledorkan tidak mempedulikan kewajiban dll, mengalpakan, melalaikan, mencuaikan;

keteledoran perihal teledor, kealpaan (dlm pekerjaan, kewajiban, dll), kecuaiian, kelalaian, kelengahan: *tidaklah dia sunyi drpd kesalahan, ~, kesilapan dan kegagalan.*

telefilem (téléfilem) filem cereka yg dihasilkan utk siaran televisyen.

telefon (téléfon) **1.** = *pesawat* ~ alat utk bercakap dgn orang yg jauh (dgn menggunakan tenaga elektrik dan kawat atau hubungan satelit); *membuat panggilan* ~ menelefon; **2.** percakapan (panggilan) yg menggunakan alat tersebut: *suatu pagi Mustapha menerima ~ sewaktu dia baru benar sampai di markas polis*;

~ *awam* telefon yg terdapat di tempat awam utk kegunaan orang ramai; ~ *bimbit* telefon mudah alih tanpa wayar yg berfungsi dgn menggunakan isyarat gelombang; ~ *selular* telefon bimbit; ~ *telinga* sj alat yg dipakai di telinga utk membolehkan seseorang mendengar siaran radio atau perhubungan telefon;

bertelefon **1.** mempunyai telefon; **2.** sedang bercakap melalui telefon;

menelefon bercakap (memanggil) melalui telefon: *dia telah ~nya dan menceritakan apa yg terjadi.*

telefoni (téléfoni) sistem komunikasi utk penghantaran bunyi, suara, atau isyarat melalui telefon.

telefonis (téléfonis) orang yg kerjanya menjawab dan menyambungkan panggilan telefon, operator telefon.

telefoto (téléfoto) berkaitan dgn sistem kanta fotografi yg digunakan utk menghasilkan imej besar dan jelas sesuatu objek jauh: *kanta* ~ sj kanta yg digunakan utk mengambil gambar secara telefotografi.

telefotografi (téléfotografi) seni mengambil gambar benda-benda yg terlalu jauh bagi kamera biasa dgn menggunakan kanta telefoto.

telegraf (télégraf) alat utk menghantar berita dgn cepat ke tempat yg jauh (dgn kuasa elektrik dan kawat).

telegrafi (télégrafi) penggunaan (pengendalian) alat atau sistem telegraf.

telegram (télégram) berita (perkhabaran) yg dihantar dgn telegraf, berita kawat: ~ *itu menyatakan suaminya baru sahaja meninggal dunia*;

menelegram menghantar berita dgn telegraf, mengetuk kawat.

telegrapis (télégrapis) Id orang yg kerjanya mengirim telegram, jurutelegraf.

Telegu Telugu.

teleinfo (téléinfo) maklumat yg dipaparkan pd skrin televisyen sbg pemberitahuan.

telek Jw tepat; □ → □ **telak**.

telekan; bertelekan (duduk dsb) dgn kedua-dua belah siku bertumpu atau terletak pd sesuatu (dan biasanya tapak tangan menopang muka), berteleku: *Pak Amat naik dan duduk di atas anak tangga, ~ sikunya pd ambang pintu; ~ lutut* (kedua-dua belah tangannya) bertekan pd lutut; ~ *pinggang* bercekak pinggang.

telekap I ark; *ubat* ~ ubat plaster, koyok.

telekap II; menelekap menepak, menekup; □ → □ **tekap I**.

telekom (télékom) kep telekomunikasi.

telekomunikasi (télékomunikasi) sains yg berkaitan dgn penghantaran maklumat melalui talian telefon, gentian optik, mikrogelombang dan satelit.

teleks (téléks) perkhidmatan perhubungan antarabangsa yg menggunakan kemudahan teleprinter.

teleku; berteleku (duduk dsb) dgn kedua-dua belah siku bertumpu atau terletak pd sesuatu (spt meja, riba, dsb) dan dgn tapak tangan biasanya menopang muka, bertelekan dgn siku: *dia hanya duduk ~ tidak berkata apa-apa walaupun kawannya sibuk berbual-bual;* ~ (*bertopang, bertongkat*) dagu berteleku dgn tangan ditopangkan pd dagu, duduk bertongkat ruas.

telekung = *kain* ~ kain selubung utk menutup tubuh perempuan (ketika bersembahyang), makenah;

bertelekung **1.** mempunyai telekung; **2.** memakai telekung.

telekup; bertelekup menutup dgn sesuatu yg pipih atau mungkur; □ → **tekup.**

telemetri (télémetri) (Kom) pemancaran, penghantaran dsb data dr atau ke satelit, stesen angkasa dsb dgn menggunakan gelombang radio.

telempap = **setelempap** selebar tapak tangan, sepelempap, setempap; **menelempap** mengukur dgn telempap.

telempong (telémpong) Mn sj alat bunyi-bunyian (spt gong kecil), goloneng; □ → □ **caklempong.**

telenan Jk sengkalan (drpd papan dll) utk mencancang, landasan; □ → □ **talenan.**

teleng I; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), bunga biru, *Clitorea ternatea*; □ → □ **telang I.**

teleng II Id bahagian mata yg hitam, hitam mata.

teleng (téléng) **1.** miring ke sebelah letaknya (kepala, topi, dll), tidak tegak lurus, senget: *kepalanya masih ~ dan dipukul-pukul dgn tapak tangan kiri*; **2.** (Sunda, Ph) juling: *matanya ~*;

~ *bagai cupak hanyut* prb perihal orang yg sombong yg tidak sedarkan kekurangan dirinya;

menelengkan memiringkan ke sebelah, menyendengkan, menyengetkan, mencondongkan: *dia ~ kepalanya utk menjengah dan menjenguk orang-orang itu*;

terteleng dlm keadaan senget atau miring (kapal, perahu, kepala dll); *biar ~ asal jangan tertangkap* prb tiada mengapa rugi sedikit asal jangan habis semua sekali;

terteleng-teleng terteleng berulang kali: *kepalanya ~ spt menahan kemarahan yg tidak terperi*.

telengkoh (téléngkoh) selekoh (jalan, sungai, dll), penjuru kota (benteng) yg menganjur keluar, katlum; □ → □ **selekoh**.

telentang terbaring (terletak dll) dgn bahagian depan atau bahagian cekung ke atas, lwn telungkup: *Salihin yg mula-mula ~ itu, membalikkan badannya*;

menelentang terbaring (tidur, terletak) telentang: *sekarang dia ~ bujur di atas tilam*;

menelentangkan membaringkan (meletakkan dll) telentang: *dia ~ badannya*;

tertelentang terjatuh (terbaring dll) telentang; *~ berisi air, tertiarap berisi tanah* prb perihal orang yg terlalu miskin (lemah), tidak berdaya upaya.

telepa □ → □ **telap II**.

telepati (télépati) perhubungan fikiran, perasaan, dsb secara langsung antara minda seseorang dgn minda seorang lain tanpa melalui deria yg biasa.

telepemasaran (télépemasaran) teknik atau kaedah memasarkan barang dsb yg menggunakan sistem telekomunikasi spt telefon, mesin faksimile, teleks dsb.

teleperbankan (téléperbankan) urusan perbankan berkomputer yg dikendalikan melalui telefon.

teleperubatan (téléperubatan) rawatan sesuatu penyakit, kecederaan dsb dgn menggunakan khidmat nasihat pakar perubatan di tempat yg jauh, biasanya melalui sistem telekomunikasi.

telepok (telépok) sj tumbuhan (herba dan bunganya), seroja biru, teratai kecil, tunjung biru, *Nymphaea stellata*; ~ merah = ~ putih sj tumbuhan (herba dan bunganya), tunjung emas, *Nymphaea lotus*; *telinga* ~ *layu telinga* yg cantik bentuknya.

teleprinter (téléprinter) alat telegraf utk menghantar atau menerima berita dll dlm bentuk tulisan.

telepuk sl bunga-bunga dll drpd perada mas (kain dll); *kain* ~ sj kain berbunga-bunga tenunan India; ~ *serasah* sj kain buatan India;

bertelepuk 1. memakai telepuk: *dikenakan pula baju alang sayap layang-layang* ~, *perbuatan orang dahulu*; **2.** = **bertelepukkan**

memakai sbg telepuk: *dia memakai sapu tangan* ~ *intan baiduri*;

menelepuk membuat telepuk: *utk memastikan perada melekat cantik sewaktu proses* ~.

telerang (telérang); *batu* ~ batu yg mengandungi logam (emas dll).

teles; telesan Jw kain basahan.

telesidang (télésidang) persidangan yg berlangsung dgn para pesertanya berkomunikasi antara satu sama lain dr tempat-tempat jauh yg berlainan melalui rangkaian televisyen, video, telefon dsb.

teleskop (téléskop) alat yg bentuknya spt tiub panjang dan mempunyai kanta di dalamnya utk melihat objek yg sangat jauh, mis bintang, dgn terang dan besar, teropong jauh.

teleskopi (téléskopi) cabang astronomi yg berkaitan dgn penggunaan teleskop.

teletaip (télétaip) sj teleprinter.

teleteks (télétéks) perkhidmatan berita dan maklumat elektronik yg berupa teks dan grafik yg disiarkan di televisyen melalui sistem tertentu, biasanya khusus utk orang yg melanggan perkhidmatan itu.

teleton (téléton) siaran khas televisyen yg panjang, bertujuan utk memungut derma tabung kebajikan dsb.

televisi (télévisi) Id televisyen.

televisyen (télévisyen) **1.** penyiaran (pemancaran) gambar hidup (gambar bergerak) berserta bunyi menerusi kabel atau udara pd skrin atau kaca peti televisyen; **2.** = *peti* ~ alat yg menerima pancaran televisyen; ~ *berwarna* = ~ *warna* televisyen yg menyiarkan gambar berwarna; ~ *litar tertutup* a) sistem televisyen yg dipasang utk memancarkan siaran ke beberapa bilik di dlm tempat atau bangunan tertentu; b) sistem televisyen yg isyarat videonya dipancarkan drpd satu kamera atau lebih melalui kabel ke satu set monitor yg terkawal, utk kawalan keselamatan dsb.

telik (Sunda) ark **1.** tajam pelihatannya, awas; **2.** = **penelik** mata-mata gelap, pengintip, penyuluh;

menelik memata-matai, mengintip, menyuluh (rahsia dll).

telikung Jw ark; **menelikung** mengikat kaki (dan tangan).

telimpuh ark; **bertelimpuh** (duduk) bersimpuh, bertimpuh.

telinak sj tumbuhan (pokok memanjat), akar mentadu, akar putat, akar serobek paya, *Gnetum tenuifolium*.

telinga I 1. pancaindera utk mendengar (di kiri kanan kepala manusia atau binatang), kuping: *aku membisikkan sesuatu ke ~ nya*; **2.** = *daun* ~ bahagian telinga sebelah luar utk menangkap suara, kuping:

dipulasnya ~ budak yg degil itu; *pangkal (pohon)* ~ tempat daun telinga bercantum dgn kepala; **3.** sesuatu yg menyerupai telinga (mis pemegang pd barang-barang yg tertentu dll);

~ *beruk* telinga yg rapat pd kepala; ~ *biola* alat utk menegangkan (mengendurkan) tali biola; ~ *gajah (jabing, jobing)* telinga yg lebar; ~ *jebang* telinga yg menganjur keluar; ~ *kuali* a) tangkai tempat mengangkat kuali; b) ki orang yg tahan hati walaupun dimarahi dan dikatai oleh orang lain; ~ *kucing (kambing, rusa)* telinga yg tirus ke atas; ~ *nipis (tipis)* orang yg lekas marah; ~ *telepok layu* telinga yg cantik bentuknya; ~ *tempayan* ki orang yg tidak mahu mendengar; ~ *tikus* telinga yg kecil dan tirus;

~ *bagai* ~ *rawah* prb Mn a) tidak mengendahkan nasihat dan tunjuk ajar orang; b) tidak berasa malu mendengar perkataan yg tajam; ~ *rabit, pasang subang di kaki* = ~ *rabit dipasang subang kaki, untut dipakaikan gelang, jari kontong dimasukkan cincin* prb membuat sesuatu yg tidak layak akhirnya menjadi keaiban; ~ *yg lembut itu kerap dipulas, yg bodoh juga yg ditipu orang* prb a) orang yg pemurah kerap kali menjadi tempat tumpuan orang meminjam; b) orang yg penurut selalu diperkuda orang; *masuk ke ~ kanan, keluar ke ~ kiri* prb tidak dapat menerima pelajaran atau nasihat yg diberikan; *pilin* ~ *saring-saring* prb Mn hendaklah difikirkan habis-habis sebelum mengerjakan sesuatu; *rasa pedih cuping* ~ prb marah kerana mendengar sesuatu yg tidak patut;

menelinga memasang telinga, mendengar dgn hati-hati (percakapan dll): *aku ~ kalau-kalau bunyi itu datang ke bilikku.*

telinga II; ~ *gajah* sj ikan laut, *Platax teira (orbicularis)*.

telinga III; ~ *badak* sj tumbuhan (pokok), *Crypteronia griffithii*; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok), banik, kubang, (se)kubin, mengkubung, selaru, sepedas, *Macaranga gigantea*; ~ *kelawar* sj tumbuhan

(pokok), bunga semubut, geroboh, kerubut, se(m)burut, seperuit, *Thottea gradiflora*; ~ *keras* sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ara batu, akar api-api, dalu-dalu, mendalu (api), pokok sampu, ulat, setebal, *Henslowia umbellata*; ~ *kerbau* sj tumbuhan (pokok), capa, capor, sembang, sembing, sembuah, sembung, *Blumea balsamifera*; ~ *rusa* sj tumbuhan (pokok renek), jangka; *daun* ~ *beruang* sj tumbuhan (pokok renek), *Thottea dependens*; *rumpun* ~ *tikus* sj tumbuhan (herba), kekara, ombak-ombak, peparu bindang, rumput sisik betuk (naga), *Desmodium heterophyllum*.

telingkah; bertelingkah 1. tidak sepakat, berbalah, berbantah, berselisih: *dua orang tokoh yg sentiasa ~*; 2. banyak tingkahnya, banyak olahnya;

bertelingkahan saling bertelingkah: *pd umumnya kepentingan mereka ~*;

pertelingkahan perihal bertelingkah, perbalahan, perselisihan, persengketaan, pertikaian: *~ itu haruslah diselesaikan bersama-sama*; □ → □ **tingkah I.**

telingkuh ark telingkah.

telingkung; ~ *daun* sj tumbuhan (rotan), *Calamus javensis*.

telisik □ → □ **selisik.**

teliti 1. cermat (melakukan sesuatu), hemat, saksama: *kumpulan buku yg ada, hendaklah diselidiki dgn ~*; 2. dgn sungguh-sungguh, hati-hati, waspada: *gadis yg manis itu turut memerhati dgn amat ~ benar*;

meneliti 1. memeriksa (mengkaji, menyelidik) dgn cermat: *mereka ~ pendidikan dan pengalaman kerja yg sudah kulalui*; 2. memerhati dgn sungguh-sungguh, memandang tepat-tepat;

ketelitian perihal teliti, kecermatan, kesaksamaan: *dia sedar tentang ~nya menjalankan tugas sbg seorang ketua parti*;

penelitian perihal (kerja dsb) meneliti, pengkajian, penyelidikan, pemeriksaan;

peneliti orang yg meneliti, penyelidik, pengkaji, pemeriksa.

telor (télor) tidak dapat mengucapkan kata-kata dgn sebutan yg betul, pelat: *dr ~ percakapannya dapat diketahui dr mana dia datang; lidahnya ~ tidak boleh berkata dgn terang (jelas);*

keteloran perihal telor (salah ucapan).

telotak hujung daun.

telu Jw, sl tiga; *susun ~ tiga lapis.*

Telugu kaum yg berasal dr tenggara India.

teluk I bahagian laut yg menganjur masuk ke darat, serokan;

~ belanga sj baju Melayu yg tidak berleher; *~ rantau* a) teluk dan rantau, ceruk rantau; b) daerah sekeliling, jajahan; *adat ~ timbunan kapar* prb biasanya orang berpangkat (berkuasa dll) menjadi tempat tumpuan orang meminta pertolongan.

teluk II; berteluk ark berlutut, bertelut; □ → □ **telut I.**

teluki I sj kain sutera.

teluki II; bunga ~ bunga serunai.

telukup □ → □ **telungkup.**

telun; setelun Pr seia sekata, sejalan, setujuan, sesuai.

telung Kl bp lubang yg tidak tembus, lekuk.

telungkup; menelungkup berbaring di atas perut, menangkap, meniarap, tengkurap, lwn menelentang: *dia berbaring di atas katilnya dgn ~ sambil menangis terisak-isak;*

menelungkupkan menjadikan menelungkup, menengkurapkan, meniarapkan;

menelungkup-menelentangkan ki memberi pertimbangan yg saksama, mempertimbangkan;

tertelungkup 1. (jatuh, terletak, terbaring) menelungkup, tertangkup, tertiarap: *mukanya ~ ke tanah bermandi darah yg menggenang*; **2.** ki (jatuh) bankrap.

telunjuk 1. = *jari ~ jari antara jari hantu dgn ibu jari: tutup ketat-ketat lubang pam basikal itu dgn ~ tangan kiri*; **2.** ki perintah, kemahuan, suruhan: *orang-orang Belanda sangat pandai mengambil hati orang-orang besar kita yg mahu mengikut ~nya; ~ lurus kelengkeng berkait prb perihal orang yg pd lahirnya kelihatan baik tetapi di dlm hatinya jahat; ~ mencucuk (merosok, menikam) mata (jari) prb orang yg dipercayai berbuat khianat kpd kita; menggigit ~ prb tidak tercapai maksud; runcing ~ memalit sambal lada prb perihal hidup miskin dan melarat; sebusuk-busuk ~ , ~ juga pencolek tahi mata prb sejahat-jahat kaum keluarga kalau seorang dihinakan orang semuanya akan turut membelanya.*

telur I benda yg mengandungi lembaga anak (bkn beberapa jenis binatang spt unggas, serangga, ikan, reptilia, dll) yg umumnya bersalutkan kulit yg keras: *~ ayam; ~ ikan; ~ katak; ~ asin = ~ masin telur ayam (itik) yg diasinkan; ~ belangkas sj kuih; ~ bungkus = ~ kemungkus = ~ tembelang telur yg tidak dapat menetas dan menjadi busuk; ~ busuk = ~ selasih sebarang telur yg busuk; ~ cacak = ~ joran = ~ merah bunga telur (dlm majlis perkahwinan); ~ dadar telur (ayam dll) yg diaduk lalu digoreng; ~ gabus a) telur ikan gabus; b) sj penganan yg dibuat drpd tepung beras (terigu) dan rupanya spt telur ikan gabus; ~ kubis (kol) bakal bunga yg ada dlm kubis; ~ kemeruk = ~ kemuruk = ~ sembohok telur yg menjadi busuk setelah lembaganya terjadi; ~ mata sapi = ~ mata lembu telur ayam yg digoreng bulat-bulat (tidak dipecahkan merahnya); ~ rebus telur yg direbus sehingga keras isinya; ~ separuh masak telur yg dimasak dgn cara merendamnya dlm air*

mendidih selama lebih kurang 7 menit (supaya tidak masak keras spt telur rebus); ~ *terubuk* telur ikan terubuk; *masih dlm* ~ a) masih dlm kandungan ibu; b) belum wujud lagi (masih dlm rancangan dll);

ibarat ~ *sesangkak*, *pecah satu pecah semuanya* = *spt* ~ *dua sebandung*, *pecah satu pecah keduanya* prb orang yg semuafakat itu sama hidup sama mati dan tidak berubah setianya; *spt* ~ *di hujung tanduk* prb orang yg dlm keadaan yg amat sulit (salah sedikit dapat bahaya);

bertelur, menelur ark **1.** mengeluarkan telur: *sungguhpun katak hidup di darat, tetapi biasanya ia kembali ke air utk mengawan dan* ~; **2.** bp buang air besar, berak; **3.** ki menggugurkan bom (dr kapal terbang), mengebom; **4.** ki mendatangkan hasil (keuntungan);

menelurkan **1.** mengeluarkan telur, bertelur; **2.** ki bp menerbitkan, menciptakan, menghasilkan, mewujudkan: *percubaannya itu tidak ~ hasil; perbincangan antara menteri-menteri luar tiga kuasa besar mungkin akan ~ suatu sidang kemuncak*; **3.** menggugurkan (menjatuhkan) bom, mengebom.

telur II; ~ *ayam* sj tumbuhan (pokok renek), (se)gerang, hempedu tanah, jentik betina, nyarum, sedoman, semputih kecil, serawai jantan, *Psychotria rostrata*; ~ *belalang* sj tumbuhan (rumpai), *Sporobolus dianders*; ~ *buaya* sj tumbuhan (pokok), bunga peresau, bunga tanjung hutan, kemap-kemap, petaling gajah, sangah, selimbar, *Homalium longifolium*; ~ *cicak* sj tumbuhan (pokok kecil), gelincik, kesami, keteng, lengketing, *Myrica farquhariana*; ~ *ikan* sj tumbuhan (rumput), kerunung padi, metubung, *Panicum repens*; ~ *kodok biji drpd* sj tumbuhan (*Hygrophila odorata*); *akar* ~ *bujuk* sj tumbuhan (akar yg berteras), akar kacang-kacang, akar nyamuk,

Agelaea vestita; kayu ~ sj tumbuhan (pokok), *Xanthophyllum excelsum*.

telurium (télurium) (Kim) sj unsur bukan logam yg digunakan utk membuat aloi.

telus **1.** dapat masuk ke dlm lubang dll, terus menembus, bulus, celus, lulus; **2.** mudah difahami atau diketahui (tiada hal yg tersembunyi, disangsikan dsb): *setiap keputusan hendaklah dibuat secara ~ dan dilaksanakan segera;*

meneluskan menyebabkan telus: *tidak ada peluang ~ sinarnya ke celah-celah pohon yg rendang;*

ketelusan keadaan atau sifat yg terus terang (tiada hal yg tersembunyi, disangsikan dsb): *perlunya ~ dlm urusan kewangan negara; Malaysia mahu semua negara anggota APEC mengamalkan ~ sebagaimana yg dilaung-laungkan.*

telusur, menelusur **1.** bergerak atau berjalan sepanjang tepi jalan, sungai, dll; **2.** menjejaki;

menelusuri mengikuti jejak perjalanan, langkah, tindakan dsb: *tidak ramai pula yg sanggup ~ kejayaan rakan mereka yg telah dan sedang menempa kejayaan.*

telut I; bertelut (duduk) berlutut: *maka ketiga-tiganya ~ di tanah memamah.*

telut II dapat melukai (bkn senjata tajam dll), lut, mempan, telap; *tidak ~ tidak dapat dilukai, kebal; □ → □lut I.*

telutut ark; **menelutut** berlutut, bertelut.

tem (tém) Id, bp tempoh, masa, waktu.

tema (téma) subjek yg menjadi dasar sesuatu pembicaraan, wacana, karangan, cerita, dsb, tajuk, pokok: *jiwa perempuan memang telah banyak dijadikan ~ dlm kesusasteraan;*

bertemakan memakai sesuatu sbg tema, berdasarkan tema (yg tertentu): *kebanyakan karyanya ~ percintaan.*

temaah Mn haloba, serakah, tamak; **temahak.**

temabur bertaburan (bintang di langit); → **tabur I.**

temah demah.

temaha I (Sunda) salah.

temaha II Jw (dgn) sengaja.

temahak Mn tamak, haloba, serakah.

temak sj tumbuhan (pokok), *Shorea cochinchinensis.*

temakang sj ikan darat, *Helostoma temmincki*; **tebakang, tembakang.**

temakul → **tembakul.**

temalang ark sj bakul drpd kulit kayu utk mengumpul air madu.

temali; *tali*-~ bermacam-macam jenis tali (di kapal dll).

temalung Tr sj bekas utk mengisi kuih yg dibuat drpd daun pisang dan berbentuk seakan-akan bakul, temilung.

teman 1. kawan, handai, sahabat, taulan: *mengapa sendirian pula, tiada ~, tiada rakan*; **2.** orang yg bersama-sama melakukan sesuatu, lawan bercakap-cakap (bermain dsb): ~ *bercakap*; **3.** sesuatu sbg pelengkap, jodoh, kawan: *buah pinang dimakan orang jadi ~ sirih*; **4.** Pr ganti diri yg pertama, saya, aku;

~ *hidup* orang yg dijadikan pasangan hidup (isteri atau suami); ~ *lelaki* lelaki yg menjalin hubungan cinta dgn seseorang wanita; ~ *sejawat* kawan sekerja; ~ *tetangga* jiran; ~ *tidur* orang yg dijadikan kawan tidur; ~ *wanita* wanita yg menjalin hubungan cinta dgn seseorang lelaki; *usahlah ~ dimandikan pagi* prb janganlah terlalu memuji-muji;

berteman 1. berkawan, bersahabat: *sebenarnya kedua-dua orang itu ~ baik*; **2.** tidak seorang diri, ada kawannya: *ke mana pun pergi jarang-jarang aku ~*;

bertemankan mempunyai (seseorang, sesuatu) sbg teman;

menemani 1. turut serta, mengawani, mengiringi, menyertai: *dia senang melihat kawannya ~nya duduk di situ; malam itu Ramlan ~ Swee Meng pergi memanggil bidan; 2.* ki menjadikan sbg pemakan (nasi dll), melawankan: *sayur pucuk ubi ditemani oleh sambal belacan dan ikan goreng;*

peneman seseorang (sesuatu) yg menjadi teman kpd: *hanya linangan air mata ~ duka.*

temandang sl kacak, segak (kelihatan). □

temangau sj tumbuhan (pokok), berabung bunga, campat, hampas tebu, medang gambung, tampang besi, tetepung, *Vernonia javanica*.

temara sl sj lembing (tombak).

temaram → **taram III**.

temarang → **terang**.

temas-temas 1. mengubati orang sakit (kerana keteguran hantu dll) dgn memapas hantu; **2.** menilik nasib dgn menggunakan kunyit.

temasya 1. peristiwa yg kelihatan, pertunjukan, tontonan: *beliau akan menyampaikan hadiah kpd yg berjaya pd akhir ~ sukan tersebut;*
2. pemandangan yg menarik hati, keindahan alam: *baginda belayar mengembara ke sebelah barat melihat ~ negeri-negeri orang;*

bertemasya pergi mengembara utk menghiburkan hati (melihat-lihat pemandangan yg indah-indah dll): *~ ke pulau yg indah dan permai.*

temat Kl; *sirih* ~ sirih sekapur, sirih setampin.

tematu sangat keras (buah-buahan), kematu; → **tembatu I**.

temayun; *ayun*-~; → **ayun**.

temba Kl; **menemba** melanggar, merempuh.

tembadau sj seladang (terdapat di Borneo), *Bos javanicus lowi*.

tembaga I = ~ *merah* sj logam berwarna merah dan digunakan utk membuat dawai (periuk dll);

~ *kuning* aloi drpd tembaga dan zink, kuningan, loyang; ~ *perunggu* aloi drpd tembaga dan timah, gangsa; ~ *putih* aloi drpd campuran timah putih dan timah hitam; ~ *suasa* aloi drpd campuran emas dan tembaga;

menembaga berwarna merah spt tembaga.

tembaga II; *bunga* ~ *suasa* sj tumbuhan (herba), bakuh, bakung, bawang hutan (tanah, tembaga), melung, (se)landap, *Crinum asiaticum*; *daun* ~ *suasa* sj tumbuhan (pokok renek), dawai-dawai, dedawai (betina), itah tembaga, rancang besi, tampang besi, tongkat ali, *Smilax callophylla*; *rumpun* ~ *jantan* sj tumbuhan (rumpun), *Ischaemum muticum*.

tembak (témbak) I; ~ *gawar* bedilan yg dilepaskan ke udara (sbg amaran); *hukum* ~ hukum bunuh dgn cara dibedil; *kena* ~ kena bedilan dgn senjata api;

~ yg *beralamat*, *tujuan* yg *bermaksud* prb tiap-tiap perbuatan ada maksudnya;

bertembak-tembakan berbalas tembak, saling membedil: *maka berperanglah Seri Udara dgn Peringgi terlalulah ramai bunyinya* ~, *bunyi meriam spt halilintar membelah*;

menembak 1. melepaskan bedilan dgn senjata api (senapang, pistol, dll), melepaskan bedilan ke arah (seseorang atau sesuatu), membedil: *seorang pun tidak berani* ~ *harimau yg ganas itu*; **2.** Id menyepak bola ke arah gol (dlm permainan bola sepak); **3.** ki berbuat bohong, membohongi; ~ *jatuh* menembak sesuatu (spt kapal terbang dll) dan menyebabkannya jatuh (terhempas dsb); ~ *mati* menembak dan menyebabkannya mati;

tembak-menembak saling menembak, bertembak-tembakan:
menghentikan ~;

menembaki menembak beberapa kali (pd), sering kali menembak pd;

menembakkan 1. melepaskan peluru senjata api, menembak dgn:
kapal-kapal terbang itu telah ~ roket ke atas askar musuh; 2.
menendang bola ke arah gol;

tertembak ditembak, kena tembak: *dlm pertempuran itu seorang mata-mata telah ~ mati;*

tembakan hasil menembak, letusan senjata api dll: *kami telah terbangun kerana ada ~;*

penembakan perbuatan menembak: *laporan mengenai ~ di masjid al-Aqsa pd bulan April ini memberi bukti lanjut kpd pelaporan yg berat sebelah;*

penembak 1. orang yg menembak; **2.** alat (senjata) utk menembak;
~ *curi* orang yg menembak musuhnya secara sembunyi-sembunyi atau dr tempat yg terselindung, biasanya dr jarak yg agak jauh; ~ *tepat* orang yg cekap menembak sesuatu sasarannya dgn tepat.

tembak (témbak) II Mn tuju, arah, maksud;

menembak 1. mengarahkan kpd, memaksudkan, menuju; **2.** ki menyambar (petir).

tembakang sj ikan darat, *Helostoma temmincki*; **tebakang, temakang.**

tembakau 1. sj tumbuhan (herba yg daunnya dikeringkan dan diracik tipis-tipis utk dibuat rokok, cerut, dll), *Nicotiana tabacum*; **2.** racikan daun tembakau yg telah dikeringkan (utk membuat rokok, cerut, sugi, dll);

~ *belati* = ~ *tin* tembakau yg diimport; ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok yg daun dan akarnya dibuat ubat), *Solanum verbascifolium*; ~ *Jawa* tembakau dlm negeri; ~ *kerosok* daun tembakau yg telah

dikeringkan; ~ *lempeng(an)* tembakau yg berkeping-keping tipis; ~
sek tembakau yg sangat halus hirisannya;

pertembakauan perusahaan memproses tembakau.

tembakul sj ikan laut, belacak, *Periophthalmus koelreuteri*.

tembam gemuk atau berisi (muka dll).

tembang Jw **1.** sj karangan berangkap (syair dll) yg dinyanyikan,
nyanyian; **2.** puisi;

menembang menyanyikan (melagukan) tembang.

tembang (témbang) sj ikan laut, *Clupea spp.*

tembangau sj tumbuhan (pokok), teremung betina (jantan), jeruman,
kayu tengah, medang kenyat, rosok, samak tebangau, temangau
(jantan), tempunai, *Glochidion superbum*.

tembar; menembar Pr menangkap ikan (dgn menebah dan menyauk).

tembarau sj tumbuhan (rumput); → **teberau**.

tembasah sj tumbuhan (pokok), beberas hutan, dada ruan, cемantung
gajah, gumpal benang, kuku balam, mesekam putih, petaling
tanduk, rambai kera, sebasah, *Aporosa prainiana*.

tembatar sj kapang, tembeluk, teritip.

tembatu I 1. ark sj buah yg keras (spt buah nipah); **2.** = *pisang* ~ pisang
yg bijinya keras spt batu, pisang kapuk.

tembatu II 1. sj tumbuhan (pokok), jelawi bukit, *Neoscortechinia kingii*;
2. sj tumbuhan (pokok yg kayunya baik utk perkakas rumah),
bangsa putih, medang kawan (putih), membatu, mөmpadang,
Angelesia splendens.

tembek (témbék) ark hampir mengenai sasarannya (tembakan, pukulan,
dll).

tembel (témbél) I bintil kecil spt bisul pd kelopak mata, ketumbit.

tembel (témbél) II Jw tampal, tambal, tampung;

menembel menampal, menambal, menampung;

menembelkan menyuruh orang lain menembel sesuatu;

tembelan tampalan, tambalan.

tembelah tabung damak.

tembelang 1. = *telur* ~ telur yg tidak dapat menetas dan menjadi busuk, telur bungkus, telur kemungkus; **2.** ki keburukan (yg disembunyikan), kejahatan: *mereka berjaya mendedahkan ~ pihak musuh.*

tembelian; *ikan* ~ sj ikan darat, temoleh, *Probarbus jullieni.*

tembeliung bp puting beliung.

tembelok (tembélok) sj karangan laut, ka(m)pang, *Toredo navalis.*

tembera ark sj ikan darat; → **tambera II.**

temberak (tembéрак); ~ *hutan* sj tumbuhan (pokok renek), daun sekentut, sekentut jantan, kayu buntut baung, *Lasianthus oblongus.*

temberam sj alat menangkap ikan (spt bubu).

temberang (tembérang) **I** tali-temali di kapal (perahu) utk meneguhkan tiang; ~ *belakang* = ~ *buritan* = ~ *turut* temberang yg di belakang tiang; ~ *haluan* temberang yg di sebelah hadapan; ~ *lenggang* temberang yg di kiri kanan.

temberang (tembérang) **II** percakapan dll yg sedap didengar (umumnya tidak benar), cakap yg muluk-muluk, bual: *kalau begitu iklan-iklan dlm surat khabar itu ~ sahajalah*; ~ *lapuk* omong kosong; *jual* ~ bercakap bohong; *tukang* ~ orang yg pandai bercakap muluk-muluk (bohong);

menemberang bercakap yg bukan-bukan, membohong;

menemberangkan bercakap bohong (yg bukan-bukan) pd, membohong: *Roslan ~ isterinya.*

temberek (tembérek) ark tembikar.

tembereng (tembéreng) **1.** serpihan tembikar (cawan, mangkuk, dll), beling; **2.** (Mat) bahagian drpd sesuatu bulatan (berbataskan

sebahagian drpd garis lilit dan satu garis lurus); **3.** tembikar, porselin;

~ *besar* tembereng yg lengkoknya lebih panjang drpd separuh bulatan; ~ *kecil* tembereng yg lengkoknya lebih pendek drpd separuh bulatan; ~ *tajam* bahagian bulatan yg berbataskan garis lilit dan dua jari-jari.

temberih sj ikan laut, ibu gelama, *Pseudosciaena diacanthus*.

tembi; menembi Ph menyentuh (menggesel) dgn badan, menyinggung.

tembikai sj tumbuhan (herba memanjat dan buah), betika, semangka, timun cina, *Citrullus vulgaris*; **kemendikai, mendelikai, mendikai.**

tembikar 1. barang drpd tanah liat yg dibakar dan bergilap (cawan, mangkuk, pinggan, dll), seramik; **2.** serpihan (pinggan, periuk, dll), beling, tembereng;

ditetak belah, dipalu belah, ~ juga akan jadinya prb walau bagaimanapun diseksa atau disakiti kesudahannya mati jadi mayat juga; *hendaklah spt ~, pecah semua* prb hendaklah hidup bermuafakat antara satu dgn lain; *memberi makan anjing di ~, memberi makan gajah dgn alatnya* prb tiap-tiap perbuatan yg dilakukan itu hendaklah bersesuaian dgn tempat dan keadaan.

tembilang sj alat menggali lubang yg bertangkai panjang, penggali;

bagai ~ bagai penggali, bagai yg hilang begitu pengganti prb yg hilang sama dgn gantinya; *di mana ~ terhentak, di situ cendawan tumbuh* prb di mana perselisihan berlaku di situlah diselesaikan.

tembilar sj alat menangkap ikan (spt bubu).

tembis ark; menembis memarahi dgn kata-kata yg tajam dan keras, membentak, mengherdik.

tembok (témbok) I 1. dinding yg dibuat drpd batu bata dll, benteng drpd batu dll; **2.** tambak yg dibina drpd batu bata dll; **3.** ki sesuatu yg

memisahkan atau mengasingkan: *akhbar dapat memecahkan ---
kedaerahan dan kenegerian dan memusnahkan semangat sempit
itu;*

~ *beton* Id tembok drpd campuran kerikil, pasir dan simen (utk
tiang rumah, dinding, dll); ~ *kering* ki orang yg sangat kedekut; ~
penahan binaan, biasanya drpd konkrit, yg dibina di lereng bukit,
tebing sungai dsb utk menahan tanah, batuan drpd runtuh;

menembok mendinding dgn tembok, menambak (meninggikan)
dgn tembok.

tembok (témbok) **II**; **menembok** Jw melekatkan lilin pd bahagian kain
yg hendak dibiarkan putih (apabila membatik).

tembok (témbok) **III**; **menembok** menyejukkan air panas dll dgn
mengacau-ngacaukannya (menuang-nuangkan ke bekas lain).

tembok (témbok) **IV** Kl, Tr jalan besar, jalan raya, jalan bertar.

tembokor → **bokor**.

tembolok **1.** kantung tempat menyimpan makanan pd leher burung
(ayam dll): *kelihatan padi berhamburan di tanah dr ayam tedung,
kerana ~nya belah kena taji ayam kurik*; **2.** bk perut; *asal berisi ~
senang hati* prb apabila sudah cukup makan dan pakaian,
senanglah hati.

tembor Kl, Tr melanggar: *kenapa kamu selepas sembahyang terus ~,
tidak menunggu sampai habis imam membaca doa?*

tembosa sj kuih drpd tepung (yg berintikan keledak, udang kering,
daging, dll).

tembuk **I** **1.** berlubang (kain, kertas, dll), tembus: *tapak kasutnya telah ~;*
2. berongga atau berlubang (gigi, batu, dll): *giginya ~ dimakan
ulat;*

menembuk membuat lubang (pd kertas dll), menebuk, menembus.

tembuk **II**; ~ *tebing* sj ikan darat, *Luciocephalus pulchur*.

tembuku ark sj tombol pd tiang perahu.

tembun Kd tambun.

tembung I sj tongkat (drpd kayu dll) yg digunakan sbg senjata, belantan, gada;

menembung memukul dgn tembung.

tembung II; bertembung 1. berjumpa (dgn tidak sengaja), bersua, bertemu, terjerempak: *mereka selalu ~ dgn bapanya yg pulang dr laut*; **2.** bertemu menjadi satu, bercantum (sungai, jalan, dll): *anak-anak sungai itu ~ pula dgn anak-anak sungai yg lebih besar*; **3.** berlanggaran, bersentuhan: *kereta yg dipandunya ~ dgn lori balak*; **4.** ki saling berpandangan, bertemu (pandangan): *apabila mata ~, pemuda yg berbaju bunga nekat melepaskan senyum*; *kicang-kecoh ~ ciak* prb tiap-tiap perkara yg hendak disiasat hendaklah ada buktinya;

menembungkan menemukan, menyebabkan bersua: *kedatangan Islam ~ bahasa Melayu dgn bahasa Arab*;

mempertembungkan menjadikan (menyebabkan) bertembung, mempertemukan, mempersuakan: *di sinilah kelihatan unsur tradisional dan moden itu dipertembungkan melalui para doktor dan pawang bagi mengubatinya; perdagangan yg ~ mereka dgn banyak bangsa*;

pertembungan perihal bertembung, percantuman, perjumpaan, pertemuan: *selagi terdapat ~ antara manusia, penyebaran cerita itu tetap terjamin; situasi spt ini timbul di mana-mana sahaja berlakunya ~ antara kebudayaan tradisional dan kebudayaan Barat*.

tembuni uri (yg keluar sesudah bayi dilahirkan), sampul tian, kakak anak; ~ *kecil* uri yg bersambung dgn tali pusat (tali uri); *selusuh* ~ jampi dll utk memudahkan tembuni (uri) keluar.

tembus 1. berlubang terus sampai ke sebelah, bolos, tembuk: *dinding papan itu ~ kena peluru*; **2.** masuk terus ke sebelah, lantas ke, terus sampai ke: *gua itu ~ ke belakang bukit*; *jalan ini ~ ke pasar*; **3.** meresap terus ke sebelah lain, merembes ke sebelah lain: *kertas ini jenis yg tidak baik kerana dakwat ~ ke bawah apabila ditulis*; **4.** dapat dilantas terus (barisan pertahanan dll), bolos, tobros: *pertahanan musuh telah ~*; **5.** ark kena benar (dugaan dll), tepat;

menembus 1. meresap masuk (ke dlm hati dll): *kata-katanya tadi telah dapat ~ ke dlm hati suaminya*; **2.** terus sampai ke, terus ke; **3.** ark betul (terkaan dll), tepat: *firasatnya tidak ~*;

menembusi 1. menusuk (menikam dll) sampai tembus, menebuk, melubangi: *keris ini dapat ~ badan orang*; **2.** masuk terus (melalui sesuatu), melantas: *beberapa butir peluru telah ~ kepala dan dadanya*; **3.** meresap terus ke sebelah yg lain, melantas, merembes: *matahari membulat ~ kabus tebal di puncak Titiwangsa*; **4.** ki meresap masuk (ke dlm hati dll); **5.** dapat melantas (pertahanan dll), menobros, mendobrak: *konvoi dikirim utk ~ kepungan Jerman terhadap kepulauan Inggeris*; *industri perabot di negara ini dapat diusahakan secara bersepadu utk ~ pasaran eksport secara besar-besaran*;

tembusan 1. sesuatu (jalan, sungai, dll) yg tembus ke; **2.** sungai buatan (utk dilalui kapal dll), terusan **3.** jalan yg menembusi bukit dll, terowong; **4.** = ~ *surat* salinan surat asal;

penembusan perihal menembus atau menembusi, penobrosan.

tembusu sj tumbuhan (pokok), semensu, temensu, temesu, temusu, *Fagraea fragrans*; ~ bukit = ~ hutan = ~ talang = ~ tembaga sj tumbuhan (pokok), meriang, riang-riang, *Fagraea gigantea*; ~ gajah sj tumbuhan (pokok), sepulih, sepulis, *Fagraea maingayi*; ~ padang sj tumbuhan (pokok), temusu, *Fagraea lanceolata*.

temeh (téméh); *remeh*~ tidak mustahak (penting), tidak berharga; →
remeh-temeh.

temelung; *tepung* ~ sj kuih.

temen Jw benar, sungguh.

temengalan sj ikan darat, tengalan, *Puntius bulu*.

temenggang; *burung* ~ sj burung, burung kambing, celung, gembala
gajah, *Platymurus l. leucopterus*.

temenggung I 1. pembesar kerajaan Melayu di bawah bendahara (yg
menjaga keamanan dlm negeri); **2.** Jw gelaran bupati.

temenggung II; *ikan* ~ sj ikan laut, *Priacanthus tayenus*.

temenggung III; *semut* ~ sj semut hitam yg besar, *Camponotus gigas*.

temenggung IV; ~ *melela* sj tumbuhan (pokok renek), gandarusa, kisi-
kisi, urat sugi, *Gendarussa vulgaris*.

temenung sj ikan laut, kembung, *Rastrelliger spp.*

temeralang Pl, bp tali pd tanduk lembu atau kerbau.

temerang I Kl, bp sj bekas tempat menyimpan ikan.

temerang II; *terang*~ terang-benderang, sangat terang; → **terang.**

temesar sj tumbuhan (pokok), balik angin bukit, cenderai (gajah), ceret
budak, hamba raja, kemesak, melokang, semangsuk, (se)mengkih,
senancung, ubat semelit bayur, *Croton argyratum*.

temetu kematu, keras.

temewek (teméwék) Tr senyum simpul: *Mak Wok selalu ~ apabila
dipuji.*

temi Kd tampar.

temiang I 1. sj buluh kecil yg tipis (biasanya dibuat sumpitan), buluh aur
gading, buluh minyak, buluh sumpitan, *Bambusa wrayi*; **2.**
sumpitan; *berebut* ~ hanyut, *tangan luka*, ~ *tak dapat* = *merebut* ~
belah prb perihal dua orang yg berkelahi (sampai luka-luka)
merebutkan sesuatu tetapi barangnya tidak dapat.

temiang II; *akar* ~ sj tumbuhan (herba), akar tapak rusa, lana bulu, ular bukit, *Lettsomia peguensis*.

Temiar penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Senoi yg tinggal di sesuatu tempat yg ditentukan oleh penghulu dgn cara berjampi atau mimpi, yg kebanyakannya terdapat di Perak, Pahang dan Kelantan.

temikai → **tembikai**.

temilang sj tumbuhan (pokok), kenar, keranji bulan, me(r)limau, pasak perahu, pokok rongga, *Aglaia odoratissima*.

temilar Kl sj alat utk menangkap ikan.

temilung Kl pembungkus kuih dll drpd daun pisang.

temin I gelang-gelang drpd logam (utk mengukuhkan hulu pisau dll), simpai.

temin II; *pokok* ~ sj tumbuhan (pokok), lelimau, limau hutan (lelang), pokok renjis, semantan, *Taxotrophis macrophylla*.

temoleh (temoléh) Pr sj ikan darat, temelian, *Probarbus jullieni*.

temolok ark → **tembolok**.

tempa; *besi* ~ besi yg dapat dibentuk (tidak berapa keras); *keris* ~ *Melaka* keris buatan Melaka;

menempa 1. memukul besi dll utk dijadikan alat (pisau dll), menitik: ~ *besi*; **2.** membuat (keris, parang, dll) drpd logam: *bersusah payah* ~ *sebilah pisau*; **3.** membentuk (bata, wang, dll), mencetak: *tidak boleh kerajaan negeri* ~ *mata wangnya sendiri*; **4.** ki mencipta, membuat; ~ *sejarah* membuat sesuatu yg baharu: *Sir Samuel Greig* ~ *kejayaan ketika berkhidmat dgn pihak berkuasa Rusia*.

tempaan 1. yg ditempa, buatan (pisau, keris, dll): *emas* ~; *keris* ~ *Melaka*; **2.** ki sifat asli (drpd sesuatu), bentuk, potongan;

penempaan perbuatan (kerja dsb) menempa: *pembentukan atau ~ tembikar dibuat dgn gaya bebas;*

penempa orang yg menempa, tukang besi, tukang membuat keris (parang dll).

tempah = *wang* ~ wang yg dibayar lebih dahulu (utk membeli barang, upah membuat sesuatu, dll), cengkeram: *tiap-tiap pemesan dikehendaki membayar ~nya;*

menempah 1. memesan dgn memberi wang tempah, membeli atau menyatakan tujuan hendak membeli (barang, pakaian, dll) dgn membayar cengkeram: *wang telah habis ~ peguam; ~ bidan* memesan bidan; **2.** menyuruh membuat (pakaian dll) dgn ukuran yg tertentu: *baju batik yg ditempah di kedainya banyak;* **3.** ki sengaja mencari (bahaya dll): *orang itu sengaja ~ maut;*

menempahkan menempah utk seseorang;

tempahan 1. sesuatu yg ditempah (pakaian, peti, dll), pesanan, lwn kodian: *baju ~; kasut ~;* **2.** perihal menempah, pesanan: *mereka telah membatalkan ~ tiket kapal mereka;*

penempahan perihal (perbuatan dsb) menempah, pemesanan (barang);

penempah orang yg menempah (memesan) barang, orang yg membuat tempahan.

tempang (tém pang) **1.** cacat yg tetap pd kaki (kaki pendek sebelah dll), capik, pincang: *segala rakyat kecil besar, tua muda, bongkok, ~ pun sekaliannya berkampunglah;* **2.** tidak sama panjang (kaki kerusi, meja, dll): *kerusi itu ~ kakinya;* **3.** = **tertempang-tempang** incang-incut: *ketika pulang ia melihat Mahmud berjalan ~ dipapah oleh Ainon;* **4.** ki tidak seimbang, ada kekurangannya (cacatnya), berat sebelah, tidak adil, tidak betul (perjalanannya dll): *bukan sedikit jumlah perempuan yg terjerumus ke liang kesengsaraan*

lantaran kesalahan masyarakat yg selalu ~ ini; orang ~ jangan dicatat, ingat-ingat hari belakang prb kecelakaan orang janganlah sangat dikata barangkali kita sendiri akan mengalami hal yg serupa;

menempang berjalan tempang;

menempangkan, menempang-nempangkan; ~ *kaki* berpura-pura tempang kaki;

ketempangan 1. perihal (keadaan dsb) tempang, kecapikan, kepincangan; 2. cacat, cela; 3. hal yg tidak wajar (tidak adil dll), keadaan tidak wajar: *bolehkah kita mengatasi ~ musyawarah kita serta kembali ke musyawarah yg sebenar.*

tempap; setempap selebar atau seluas tapak tangan, setelempap;

menempap 1. meletakkan tapak tangan pd; 2. = **bertempap** mengukur dgn telempap.

tempat 1. sesuatu yg digunakan utk menaruh (menadah, menyimpan, dll), bekas, wadah: ~ *habuk rokok; ~ bara*; 2. ruang (kawasan dll) utk melakukan sesuatu: *percakapan terhenti hingga itu, masing-masing berdiri mencari ~ sujud*; 3. ruang dll yg digunakan utk menyimpan (menaruh) sesuatu: *ia pun terus menanggalkan tuala yg dipakainya itu dan berjalan menuju ~ gantungan kain bajunya*; 4. kawasan (ruang, rumah, dll) yg didiami, kawasan dll di mana terdapat sesuatu: *rumahnya itu rumah batu, bangunannya spt ~ berhala Cina*; 5. bahagian yg tertentu drpd sesuatu: ~ *pemegangnya boleh dibalut dgn getah tiub*; 6. kawasan yg tertentu, daerah, kampung, negeri: *ayahku tidak duduk di ~ itu; ia kembali ke ~ lahirnya*; 7. orang yg jadi lawan bercakap, orang yg jadi tujuan utk bertanya dll, orang yg disertai kepercayaan: *orang tua itulah ~ kami bertanya*; 8. kedudukan (yg sewajarnya), keadaan, letak (sesuatu): *dia mendapat ~ yg baik di kementerian itu; ~nya*

dlm perusahaan itu telah diambil oleh orang lain; aspek bahasa perlu diberi ~;

~ asal kawasan (negeri, kampung) dr mana seseorang itu berasal;
~ hantu bermain = *~ jin bertendang* ki kawasan yg tidak didiami orang (jauh drpd orang); *~ kediaman (tinggal)* kawasan (rumah) yg didiami (orang); *~ ludah* perludahan, ketur, tempolong; *~ parkir* Id tempat menyimpan kereta; *~ peranginan* tempat orang bertemasya (berehat); *~ tumpah darah* negeri (kampung) tempat orang itu dilahirkan; *~ berpijak sudah terban*, *~ bergantung sudah putus* prb kehilangan orang tempat menumpangkan hidup;

setempat **1.** satu tempat sahaja; **2.** = **setempat-setempat** hanya mengenai sesuatu tempat sahaja, tidak menyeluruh; **3.** di tempat itu sendiri: *hikayat ini tersiar di daerah yg sangat luas biarpun dlm bentuk yg berlainan dan disesuaikan dgn keadaan ~;*

menyetempatan **1.** meletakkan (mengumpulkan dll) di satu tempat sahaja, tidak membiarkan berselerakan; **2.** mengurung dll supaya tinggal di satu tempat (supaya jangan merebak, menjalar, dll);

bertempat **1.** mempunyai tempat, tinggal (diam, duduk) di ..., berlaku (diadakan) di ...: *mesyuarat agung akan diadakan pd 2 April ~ di Balai Rakyat*; **2.** ki kena pd tempatnya (masanya, keadaannya, dsb): *mengata orang biarlah ~;*

bertempat-tempat sesuai dgn hanya tempat-tempat tertentu sahaja, tidak menyeluruh;

menempat berada, terletak: *perkara yg ~ di hati*;

menempati **1.** mendiami atau menduduki (rumah dll), bertempat di ...: *dia ~ dua buah bilik di rumah itu*; **2.** memegang pangkat (pekerjaan, jabatan, dll), memangku jabatan: *mudah-mudahan Tentera Nasional Indonesia ~ kedudukannya yg wajar sbg suatu*

tenaga yg berasal drpd rakyat; 3. ark sl menjadi tempat, memberi tempat pd;

menempatkan **1.** meletakkan, menaruh, memasang: *dia ~ kedua-dua tapak tangannya di atas lutut; 2.* memasukkan (dlm): *dia ~ wang syilingnya dlm sebuah tabung buluh; 3.* memberi tempat duduk (tinggal, bermalam, dll), menyuruh tinggal (diam): *Britain akan ~ satu pasukan pengebom di Darwin; 4.* ki memberikan tempat (kedudukan, taraf, dll): *kedua-dua unsur tersebut sama pentingnya dlm ~ Sejarah Melayu sbg roman sejarah yg baik;*

tempatan yg berkaitan dgn tempat tertentu, di tempat itu sendiri: *kasut hitam, buatan ~ yg dipakainya itu berkilat; buah-buahan ~ buah-buahan dr negera sendiri (bukan buah-buahan yg diimport); ~ hati ki buah hati, kekasih;*

penempatan perihal menempati atau menempatkan: *kawasan ini ialah tempat ~ semula orang yg pindah dr kampung-kampung yg jauh terpencil; ~ kedai-kedai runcit yg besar di pusat membeli-belah.*

tempaus sj bau-bauan (utk rokok dll).

tempawak sj tumbuhan (pokok), *Elaeocarpus floribundus.*

tempawan; *besi ~ besi yg dikeraskan dgn ditempa, besi tempa(an); emas ~ a) emas (yg baik) yg sudah ditempa; b) sl kata sanjungan utk wanita yg cantik.*

tempayak anak penyengat (lebah, angkut-angkut, semut) yg masih berupa ulat.

tempayan sj bejana yg dibuat drpd tanah liat utk menyimpan air dll: *isikan air itu ke dlm ~; ~ budu = ~ peda a) tempayan utk membuat budu; b) ki rahsia busuk seseorang; ~ gumbang = ~ tapak gajah tempayan besar yg mulutnya sempit; ~ taban tempayan besar utk*

menyimpan air minuman; ~ *telur buaya* tempayan yg besar perutnya (spt buyung);

kalau kubuka ~ budu baru tahu prb kalau kupecahkan rahsiamu sudah tentu kamu mendapat malu; *mulut ~ bagaimana menjahitnya* prb tidak dapat dilarang seseorang drpd mengatai kita (jika kita berbuat kejahatan); *spt ~ tertiarap di atas air* prb perihal orang yg bebal dan tidak mahu menurut nasihat yg diberikan.

tempayang → kepayang.

tempayung; *rumpit* ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput perimping, *Themeda villosa*.

tempe (témpé) sj makanan yg dibuat drpd kacang soya (kedelai) yg diragikan: *jenis-jenis makanan yg dibuat drpd kacang soya ialah tauhu, ~, taucu, dll.*

tempek (témpék); **bertempek-tempek** **1.** bertepek-tepek; **2.** ki sangat banyak yg belum dijelaskan, spt hutang, pinjaman dsb: *hutang syarikat orang itu ~;*

bertempekan melekat di merata-rata tempat pd sesuatu permukaan, bertempelan: *dia terpandang sesuatu yg pelik berwarna hitam ~ di papan berkenaan;*

menempek melekatkan sesuatu pd: *ulangilah ~ kunyit hidup yg ditumbuk pd luka.*

tempel (témpél); *gambar* ~ gambar yg dapat dilekatkan pd benda lain kalau dibasahi dgn air;

bertempel **1.** berdamping rapat (dgn), sangat karib dgn, sangat berdekatan: *jangan ~ dgn dia;* **2.** melekat (pd), berlekat pd: *gambar-gambar yg ~ di dinding sudah mulai kuning;*

bertempelan melekat di beberapa tempat: *keping-keping daging masak jatuh ~ di atas lantai;*

menempel 1. melekat (pd), lekat (pd): *poster pilihan raya kelihatan ~ di segenap tembok*

dan tiang telefon; 2. menampal sesuatu dgn: dindingnya dibubuh papan, ditempel dgn baldu yg kuning dan merah;

menempeli 1. menempel pd, melekat: *Kartini lantas menaruh pakaian di sisi dinding yg penuh ditempeli dgn bermacam-macam gambar; 2. bp menumpang seseorang; 3. merapati seseorang (dgn maksud mencari keuntungan dll);*

menempelkan 1. melekatkan sesuatu pd: *mereka ~ berita itu di pagar-pagar; 2. ki merapatkan (telinga utk mendengar dll), melekapkan: dia ~ telinganya ke dinding dan mendengar kalau-kalau ada orang di situ; 3. ki tetap kekal (perasaan dlm hati), melekat, bersehati: *kepercayaanku pd agamaku makin ~ terus dlm hatiku; 4. menumpang (duduk dll), menebeng: dia ~ di rumah saudaranya; 5. berapat-rapat dgn (dgn maksud mencari keuntungan dll), menyobat: beliau sekarang mencuba ~ kpd Presiden; 6. memberi wang suap, menyogok, menyuap;**

tempelan 1. tempat menempelkan sesuatu; 2. sesuatu yg ditempelkan (spt label dll): *dinding ini sudah terkopek-kopek papannya, tetapi dibersihkan oleh ~ kertas kuning; 3. orang yg ditempeli (ditumpangi dll); 4. Id cukai pasar (dgn resit yg ditempelkan); 5. Id bunga dll yg disematkan di baju (sbg tanda turut menderma kpd badan amal dll);*

penempelan proses menempelkan sesuatu.

tempelak cela atau cerca yg pedas dgn membangkit-bangkitkan keburukan (kesalahan dll) yg sudah-sudah: *hasutan mereka tidak sedikit diendakkannya, sebaliknya ~ yg diberikannya kpd mereka;*

menempelak mencerca atau mencela dgn keras (dgn membangkit-bangkitkan hasil yg sudah-sudah), menggusari dan menyesali:

*sudah melampaui batas apabila seorang anak sulung boleh ~
bapanya di hadapan mukanya;*

tempelakan tempelak.

tempelas; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), Tetracera indica.*

tempeleng (tempéléng) pukulan dgn telapak tangan pd muka atau pelipis (telinga), tamar: *tiap-tiap hari ada-ada sahaja penangan utk Ani, ~, cubitan, dll;*

menempeleng menampar pd muka atau telinga: *raja muda tersebut telah menjadi ganas lalu ~ muka Wan Intan beberapa kali;*

tempelengan Jk pelipis.

temperamen (témperamén) IB sifat batin yg mempengaruhi kelakuan dll seseorang (spt periang, pamarah, dll).

temperas I sj ikan darat, cemperas, *Cyclocheilichthys apogon.*

temperas II; bertemperasan 1. sl lari dll bertempiaran, bercerai-berai (ke sana sini): *lalu lari kian ke mari, ~, diburu oleh serdadu; 2.* bertaburan, berhamburan (tentang benih, beras, dll).

temperas (tempéras) Pr sj serangga yg rupanya spt tungau.

temperatur (témperatur) IB suhu.

temperau (tempérau); **bertemperau** saling membangkit-bangkitkan keburukan (kesalahan) masing-masing, saling menempelak.

temperek (tempérék) Jw rempeyek.

tempiar; bertempiar, bertempiaran 1. berserak-serak tidak keruan, bercerai-cerai, berkucar-kacir; bertemperas: *mereka lari ~ mencari perlindungan; 2.* ki bertaburan (ke sana ke mari), berhamburan (benih dll): *siapa tahan melihat anak-anaknya ~ .*

tempias 1. percikan air (dr air hujan, ombak yg memukul perahu, dll) yg berterbangan: *tingkap itu berdentum dipukul angin dan ~ hujan masuk ke dalam; 2.* ark pasir dll yg bertaburan (berhamburan);

bertempias berpercikan masuk (titik-titik air hujan dll);

bertempiasan berpercikan masuk: *hujan mulai turun dgn titik-titik air ~ ke dlm bilik itu;*

menempiasi terkena pd: *hujan lebat tidak ~ mereka;*

menempiaskan memercikkan: *angin kuat ~ hujan ke koridor.*

tempik teriak yg kuat, pekik yg kuat: *terdengar bunyi ~;*

~ sorak bermacam-macam pekik dan sorak (dlm peperangan, pertandingan, dll);

bertempik memekik dgn suara yg nyaring, menjerit kuat-kuat: *salah seorang ~ kuat;*

menempikkan memekikkan, meneriakkan, menjeritkan;

tempikan tempik, jeritan, teriakan: *Saidina Ali tidak tertahan lagi mendengar ~ yg berulang-ulang itu.*

tempilai sj tumbuhan (pokok), *Urandra corniculata.*

tempinah sj tumbuhan (herba), temegun, *Hydrocera triflora.*

tempinis sj tumbuhan (pokok yg keras kayunya dan tahan lama), kepinis, *Sloetia elongata.*

tempiras Pr sj tungau.

templat **1.** bentuk yg dipotong drpd kertas, kayu, dll dan digunakan sbg contoh utk menghasilkan bentuk yg serupa pd bahan lain; **2.** sesuatu yg dijadikan contoh utk tujuan perbandingan dsb.

tempo (témpo) ukuran waktu (pd muzik dll), irama: *tiap-tiap lagu mempunyai ~ yg tertentu;*

bertempo mengikut tempo: *sebuah lagu joget ~ perlahan.*

tempoh (témph) **1.** waktu, masa: *sudah ~nya utk pulang; ada ~nya* ada kalanya, kadang-kadang; *makan ~* memerlukan masa yg banyak; *sekali ~* a) bp sesuatu ketika; b) bp pd suatu ketika; c) sekali sekala, ada ketikanya; **2.** pd masa, pd ketika, pd saat: *~ itu dia tidak ada di rumahnya;* **3.** kesempatan (utk berbuat sesuatu),

peluang: *jika ada ~ saya akan ke rumah saudara besok*; **4.** pengunduran waktu, penundaan: *mereka diberi ~ seminggu utk menyiapkan kerja itu*; *minta ~ a) minta tangguh; b) minta cuti*; **5.** batas waktu yg tertentu, janji (waktu yg dijanjikan): *dia diberi ~ tiga bulan utk menjelaskan baki hutangnya*; **6.** jangka masa yg tertentu (berlakunya sesuatu): *telur-telur itu menetas dlm ~ sepuluh hari*;

~ dulu bp zaman dahulu, dahulukala; *~ hari* a) bp baru-baru ini, beberapa hari yg lalu; b) bp pd ketika itu, dahulu; *~ lampau panas* (Geog) tempoh cuaca yg luar biasa panasnya, yg berterusan agak lama;

bertempoh dlm tempoh: *kerajaan Jerman menghantar kata dua ~ 12 jam kpd Rusia*.

tempoh (témph) **II 1.** berhenti dr melakukan sesuatu (bekerja dll), tidak bekerja lagi; *tidak ~ a) = tidak ~nya* tidak berhenti-henti, sentiasa; b) *tidak ~ lagi = dgn tidak ~ dgn serta-merta, dgn segera*; **2.** beristirahat, berehat, mengaso: *bolehlah ~ sebentar, kalau letih*; **3.** tidak hadir bekerja (bersekolah dll), cuti: *dia dapat ~ sehari*; **4.** = *waktu ~ = hari ~ waktu* (hari) cuti, kelepasan, libur: *waktu ~ tahun baru ini mereka pulang ke kampung*; **5.** bercuti, berlibur, berpakansi: *pergi ~ ke sebuah tempat peranginan di tepi laut*;

menempohkan menghentikan, memerhatikan, membenarkan (mengizinkan) beristirahat; *tidak ~ tangan* sentiasa bekerja.

tempoi = *~ bunga* sj tumbuhan (pokok yg kayunya dijadikan perkakas rumah dll), *Baccaurea macrophylla*.

tempolong sj ketur tempat berludah, peludahan.

temponek (temponék) sj tumbuhan (pokok yg buahnya spt buah nangka kecil), mendeleka, perian, tampang, tampunih, ta(m)punit, tempunai, tunjung, *Artocarpus rigida*.

tempong (témpong) **I** ark; **menempong** melemparkan sesuatu ke sasarannya, menogan (dlm permainan guli dll).

tempong (témpong) **II** NS; **menempong** menolak perahu dr tebing dgn galah bercanggah.

temporok sebelah tempurung (sj permainan); → **porok I**.

tempoyak sj pekasam drpd durian utk dibuat sambal dll: *sambal hari itu ialah sambal ~ dan ulamnya buah jering.*

tempoyan sj tumbuhan (pokok), *Rhodamnia trinervia*.

tempua; *burung* ~ sj burung, cak raya, *Ploceus philippinus infortunatus*; *kalau tak ada berada (berada-ada), tak akan ~ bersarang rendah* prb tentu ada sebabnya (ada sesuatu yg tersembunyi) maka terjadi sesuatu hal.

tempuan jalan retas.

tempuh I; **bertempuh-tempuh**, **tempuh-menempuh** sl langgar-melanggar (orang berperang dll), serang-menyering, serbu-menyerbu;

setempuh; ~ *lalu, sebondong surut* prb adat orang bersahabat sentiasa semuafakat dan bersatu hati;

menempuh 1. mara melanggar (musuh dll), menyerang, menyerbu (ke): *maka ia pun ~ ke dlm rakyat Pasai yg spt laut itu*; **2.** melanggar (angin, ombak, dll), melanda, memukul: *sebentar kain penutup jendelanya berkibar-kibar perlahan-lahan ditempuh angin*; **3.** menimpa (kemalangan dll): *maka ia pun ditempuh kemalangan*; **4.** melalui (jalan dll), mengikut (jalan dll): *inilah kali yg ketiga aku ~ jalan ini*; **5.** melalui, melintasi: *ketika ~ di hadapan Kuala Singapura itu, Wan Derus telah berkata sesuatu kpd Dah Jali*; **6.** berjalan masuk (lalu dll) di tempat yg sulit-sulit, mengharung (lautan dll), meredah (belukar dll): *selang antara beberapa lamanya ~ hutan rimba yg besar dgn takdir Allah*

*Subhanahuwataala sampailah kpd suatu padang; 7. sengaja menghadapi bahaya dll, menanggung kerugian dll, menyongsong (angin, ribut): dlm masa ~ gelora, ketika kapal itu sedang dijulang dan dihempas gelombang, beliau sentiasalah sibuk; 8. = **menempuhi** mengalami (kesukaran dll), menderita (kesulitan dll): mereka telah ~ berbagai-bagai kesulitan; ~ hidup; 9. mendatangi sesuatu tempat (rumah dll), masuk ke, memasuki: kita sekalian semaksud, secita-cita ~ negeri orang hendak mencarikan perut yg tidak berisi; 10. = **menempuhi** memasuki (peperiksaan, ujian, dll), mengikuti, menyertai (kursus dll): Malaysia baru sahaja ~ ujian jasmani dlm pesta sukan Asia Tenggara; 11. sudah menamatkan (pelajaran, persekolahan, dll), mengikuti (kursus dll); 12. memasuki dan melalui atau mengalami (penghidupan baru, pekerjaan baru, dll): mulai hari itu mereka berdua ~ penghidupan baru; 13. melakukan sesuatu yg sukar atau sulit; **penempuhan** proses menempuh(i) sesuatu: ~ berbagai-bagai bala bencana sbg ujian mematangkan usia.*

tempuh II Jw sesuatu yg digunakan utk mengganti barang yg dirosakkan, barang dll sbg ganti;

menempuhkan menyalahkan dan meminta mengganti atau membayar ganti rugi (kerana merosakkan barang dll);

ketempuhan 1. terpaksa memberi ganti atau membayar ganti rugi (kerana merosakkan sesuatu); **2.** mendapat celaan (cercaan); **3.** mendapat malu kerana kesalahan orang lain.

tempuling sj lembing (tombak) pendek utk menangkap ikan yg besar-besar, cempuling.

tempunai, tempuni sj tumbuhan (pokok), mendeleka (mendeluka), perian, tampang, tampaneh, tampunet, tapuret, *Artocarpus rigida*.

tempur; bertempur 1. berlanggaran, berlagu, bertubrukan: *ombak ~*; 2. berkelahi, bergaduh, berjuang, berperang: *lalu ~lah mereka dan beramuk-amuk dgn lebih hebat lagi*;

menempur menyerang, melanggar, menempuh;

mempertempurkan 1. menjadikan bertempur, memperlagakan, mempertentangkan: *negara-negara besar ~ negara-negara kecil utk kepentingan mereka sendiri*; 2. memperjuangkan, berjuang utk: *mereka ~ kepentingan bangsa sendiri*;

pertempuran perihal bertempur, perkelahian (pergaduhan dll) yg sengit, peperangan, perjuangan: *akhirnya Raja Haji mati dlm ~ ketika menyerang Melaka*; ~ *sengit* perkelahian yg hebat;

penempur alat dll utk bertempur; *kapal ~* kapal perang yg besar yg dilengkapi dgn meriam-meriam besar; *pesawat ~* Id kapal terbang yg dibuat utk bertempur.

tempura sj masakan tradisional Jepun yg dibuat drpd udang, sotong atau sayur-sayuran yg dicelup dlm bancuhan tepung dan digoreng.

tempuras → temperas II.

tempurung I 1. kulit yg keras pd beberapa jenis buah (terutama kulit buah kelapa): *senduk itu dibuat drpd ~ kelapa*; 2. kulit kelapa yg keras yg dibelah dua (utk bekas air dll), batok, geluk: *pengemis-pengemis itu menghulurkan ~ mereka kpd orang-orang yg lalu di depan mereka*; 3. sesuatu yg menyerupai tempurung; ~ *betina* belahan tempurung yg di sebelah bawah; ~ *jantan* belahan tempurung yg di sebelah atas; ~ *kepala* = ~ *otak* tulang kepala yg melindungi otak; ~ *lutut* tulang bulat pd lutut di sebelah depan, *Patella rotula*; ~ *rebab* badan rebab (biasanya drpd tempurung).

tempurung II; *buah* ~ sj tumbuhan (pokok yg buahnya berwarna hijau), buah advokat, *Persea gratissima*.

tempuyung sj tumbuhan (herba yg dibuat ubat), *Nasturtium indicum*.

temu I; bertemu 1. berjumpa (dgn), bersua (dgn), tersua: *dia ~ dgn anak muda itu ketika menonton filem;* **2.** berhadapan muka (dgn), bersemuka (dgn): *terlebih baik aku ~ dgn harimau drpd ~ dgn bapaku;* **3.** memperoleh (barang yg dicari dll), mendapat, menjumpai: *ia mencari air tetapi tidak juga ~;* **4.** = ~ pd (di) ada di, terdapat di, kedapatan: *tidak akan ~ air tawar di kawasan ini;* **5.** bersambung atau berhubungan menjadi satu (sungai dgn sungai dll): *maka adalah khabarnya hulu Sungai Terengganu itu ~ dgn hulu Sungai Kelantan; kain panjang yg tidak berjahit ~;* **6.** cocok (perkataan dgn perbuatan dll), sesuai, benar-benar berlaku (ramalan, dugaan, dll), tercapai (cita-cita), berhasil, sampai: *akhirnya cita-citanya itu ~ juga;* **7.** mendapat bahaya dll, kena: *dlm dunia perkahwinan kau nanti ~ sedikit-sedikit kesulitan dan masalah;*

~ *dgn maut* meninggal dunia, mati; ~ *ketika* Kl cukup semusim (sebulan, seminggu); ~ *lutut* a) duduk dgn merapatkan lutut; b) duduk rapat sekali (kerana ramai orang); ~ *muka* berhadapan muka, bersemuka; ~ *waktu* dr satu waktu hingga ke waktu yg sama pd hari yg lain (dlm sembahyang);

menemu ark mendapat; *tak ~* Jh tidak berjumpa;

menemui 1. bertemu dgn, berjumpa dgn: *orang-orang yg saya temui semua peramah;* **2.** pergi bertemu dgn, mengunjungi, menziarahi, melawat: *aku pergi ~ seorang guru pelatih;* **3.** = **menemukan** berjumpa dgn apa yg dicari dll, mendapat, mendapati: *polis kemudiannya telah ~ kereta yg digunakan oleh perompak-perompak tersebut;* **4.** = **menemukan** mengalami (kesulitan dll), menderita, merasai: *perasaannya masih terlalu polos dan kurang mengerti akan kemungkinan halangan-halangan yg ditemui orang lain;* **5.** mengetahui bahawa ada (apa yg

tersembunyi dll), mengetahui ada, mendapati: *kalau dibandingkan Tuhfat-al-Nafis dgn syair Aceh, kita dapat ~ kesamaan tertentu, misalnya mengenai peristiwa kematian Raja Haji*; **6.** bertemu menjadi satu (bersentuhan dll), menghubungi; **7.** ark memenuhi (undangan dll), menepati: *ia tidak pernah ~ janjinya*;

menemukan 1. = **menemui** mendapati, menjumpai: *di seluruh halamanku, tidak kutemukan sekuntum mawar pun*; **2.** mendapati atau menjumpai (sesuatu yg tersembunyi, belum diketahui lagi); **3.** mencari sesuatu yg sesuai (cocok, padan): *apa yg kita perlukan ialah ~ kata yg tepat yg sanggup menjelmakan emosi*;

mempertemukan 1. membawa (menjadikan) supaya bertemu, menyemukakan: *biarlah engkau tolong ~ saya dgn dia, supaya saya bermaafan dengannya; Tuhan yg Maha Pengasih akan ~ aku dgn ayah*; **2.** memperhadapkan; **3.** memperhubungkan, merapatkan: *kedua-dua belah hujungnya dipertemukan*; **4.** menyatukan kembali; **5.** = ~ *jodoh* mengahwinkan (memperisterikan, mempersuamikan);

pertemuan 1. perihal bertemu, perjumpaan: *kenangan beliau kembali kpd ~nya dgn Datuk Bomoh*; **2.** tempat bertemu (berkumpul dll): *Kuala Lumpur letaknya di ~ Sungai Gombak dgn Sungai Kelang*; **3.** perkumpulan, perhimpunan (mesyuarat dll): *dia mengajak orang-orang yg ada pd ~ itu agar bangkit menentang musuh*; **4.** pergaulan, persamaan (pendapat dll): *aku perlukan engkau dlm soal menghadapi Kadir, kita banyak ~ pendapat*; **5.** perjodohan, perkahwinan: *maka tidaklah syak lagi yg ~ itu sukar berpanjangan*;

penemuan 1. perihal menemui atau menemukan: *pekebun sayur itu memberitahu polis mengenai ~ senjata api itu*; **2.** sesuatu yg

didapati (ditemui): *beliau telah membuat beberapa ~ dlm bidang kimia;*

penemu orang yg menemui (alat baru dll); **ketemu**.

temu II sj tumbuhan (herba yg berumbi yg dijadikan ramuan ubat); jenis-jenisnya: ~ *giring* sj tumbuhan (herba), *Curcuma heyneana*; ~ *hitam* = ~ *erang* = ~ *ireng* sj tumbuhan (herba), *Curcuma aeruginosa*; ~ *kunci* = ~ *kecil* sj tumbuhan (herba), dekunci, merkunci, *Gastrochilus panduratum*; ~ *kunyit* = ~ *kuning* sj tumbuhan (herba), kunyit, *Curcuma domestica*; ~ *lawak* = ~ *lawas* = ~ *raya* sj tumbuhan (herba), *Curcuma xanthorrhiza*; ~ *mangga* = ~ *putih* = ~ *kuning* sj tumbuhan (herba), kuncur, *Curcuma zedoaria*; ~ *puteri* sj tumbuhan (herba), kencur, *Kaempferia rotunda*.

Temuan penduduk asli Semenanjung Malaysia drpd suku kaum Melayu-Proto yg tinggal di Selangor, Melaka, Pahang, daerah Muar (Johor) dan Negeri Sembilan.

temu bual temu ramah, wawancara, interviu;

bertemu bual bertemu ramah, berwawancara;

menemu bual menemu ramah, mewawancara, menginterview: *wartawan-wartawan sedang ~ Perdana Menteri;*

penemubual penemu ramah, pewawancara, penginterview.

temucut sj tumbuhan (rumpai), cemucup, kemu(n)cup, kemucut, *Chrysopogon aciculatus*.

temu duga 1. tanya jawab antara majikan dgn pemohon kerja dll, interviu; **2.** ark tanya jawab antara pemberita dgn seorang tokoh politik dll (utk mendapat berita dll), temu ramah, temu bual, wawancara, interviu;

bertemu duga bertanya jawab (antara pemohon kerja dgn majikan, antara wartawan dgn tokoh politik dll): *bila-bila sahaja*

dia boleh datang ~ dgn penarik-penarik beca yg benar-benar tahan lasak itu;

menemu duga menyoal (pemohon kerja, tokoh politik, dll), menginterview: *lebih drpd seratus orang pemohon telah dipanggil utk ditemuduga tetapi hanya tiga puluh orang sahaja yg terpilih;*

penemu duga orang yg menemu duga (pemohon kerja dll), penginterview.

temukuap Kd genap setahun.

temukus kemukus.

temukut melukut, menir, hujung beras.

temulang; tulang-~ seluruh tulang (dlm tubuh); → **tulang I.**

temu ramah tanya jawab antara pemberita dgn tokoh politik dll (utk mendapat berita dll), interview, wawancara;

bertemu ramah bertanya jawab antara pemberita dgn tokoh politik dll (utk mendapat berita dll), bertemu bual, berwawancara: *para wartawan sedang ~ dgn pendaki-pendaki puncak gunung Kala Pattar;*

menemu ramah membuat (mengadakan, melakukan) temu ramah, menemu bual, mewawancara, menginterview: *wartawan-wartawan sedang ~ Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri;*

penemu ramah orang yg menemu ramah, penemu bual, pewawancara, penginterview.

temuras sj tumbuhan (pokok renek), bujang semalam bukit, udang keladi, *Ardisia oxyphylla*.

temurun; turun-~ drpd nenek moyang berpindah kpd anak cucu; → **turun I.**

temut-temut 1. bergerak-gerak turun naik, terembut-embut, terkemut-kemut (ubun kanak-kanak dll); **2.** kumat-kamit (mulut dll).

tenaga 1. kekuatan yg membolehkan seseorang membuat sesuatu (pergerakan dll), daya: *selesai makan, dia kini berenang, seolah-olah dia dapat ~ drpd nasi dan lauk ayam yg telah dijampi oleh neneknya*; **2.** kegiatan utk melakukan sesuatu: *seluruh ~ rakyat disalurkan utk meninggikan ekonomi negara*; **3.** = ~ pekerja orang yg bekerja, orang yg mengerjakan sesuatu, kakitangan: *wanita ialah ~ manusia yg merupakan harta terpendam yg belum dihargai sepenuhnya*;

~ *atom* = ~ *nuklear* (Fiz) tenaga yg terhasil drpd tindak balas atom atau nukleusnya; ~ *batin* a) keupayaan melakukan hubungan seks; b) kekuatan yg timbul drpd wujudnya daya jiwa atau semangat juang dlm diri seseorang, kekuatan batin: *dgn ~ batin yg baru, mereka sanggup melepaskan diri dr tradisi yg nampaknya semakin kuat mengikat kaum penulis kita*; ~ *baru* orang-orang (yg akan memberi tenaga mereka) baru; ~ *buruh* seluruh pekerja; ~ *elektrik* tenaga yg dihasilkan oleh kuasa elektrik; ~ *gerak* tenaga yg terdapat pd sesuatu yg bergerak (air yg mengalir dll); ~ *ikatan* (Kim) tenaga yg diperlukan utk memutuskan ikatan dlm molekul; ~ *kimia* (Kim) tenaga yg dimiliki oleh sesuatu bahan kimia, yg akan dibebaskan semasa tindak balas kimia; ~ *kinetik* (Fiz) tenaga yg ada pd sesuatu jasad akibat pergerakannya; ~ *kuda* bp kuasa kuda; ~ *nuklear* tenaga atom; ~ *pengajar* orang yg ahli atau berkeelayakan utk mengajarkan sesuatu mata pelajaran, bidang ilmu, kemahiran dsb; ~ *pengaktifan* (Kim) tenaga yg perlu diatasi oleh bahan tindak balas sebelum tindak balas berlaku; ~ *pengionan* (Kim) tenaga minimum yg diperlukan utk menyingkirkan satu elektron dr satu atom atau ion gas; ~ *sawat* tenaga pd sesuatu mesin; ~ *sinaran* (Fiz) tenaga yg dipancarkan dlm bentuk sinaran (terutama sinaran elektromagnet); ~ *suria* tenaga yg diperoleh drpd

matahari, iaitu tenaga cahaya, tenaga ultraungu dan tenaga haba; ~
wap tenaga drpd wap;

bertenaga 1. mempunyai (memperlihatkan) tenaga, ada tenaganya, berkekuatan, berdaya: *dia tidak ~ utk membuat kerja itu; penulis yg dikira kurang ~ dlm penghasilan kreatif; memperkemas gaya pengucapan agar lebih ~*; **2.** rajin, giat (bekerja dll).

tenahak ark kecewa.

tenak sj ikan laut, *Sphyraena spp.*

tenam sj tumbuhan (pokok), damar mata kucing, mersawah merah, *Anisophyllea costata*.

tenang 1. tidak berkocak, tidak berombak (air, laut), teduh (angin, ribut, dll): *~ bagi air dlm kualiti; laut yg biasanya bergelora telah bertukar menjadi ~*; **2.** tidak gelisah (rusing dll), tidak kacau atau rusuh (hati, fikiran, dll), aman dan tenteram (keadaan): *~ fikirannya; ia duduk dgn ~; setelah keadaan menjadi ~, mereka pun kembali ke kota; ~-lenang tenang sekali*;

bertenang, bertenang-tenang mengerjakan sesuatu dgn tenang (tidak terburu-buru, tidak tergesa-gesa): *dia harus ~ utk menghadapi peperiksaan; Aini yg sedang bertenang-tenang itu tidak menghiraukan apa yg dikatakan oleh ibunya*;

menenangkan menjadikan tenang, menenteramkan, meredakan: *beliau mencuba ~ fikirannya*;

~ fikiran (perasaan) a) menjadikan fikiran tenang, menenteramkan fikiran (perasaan) yg susah; b) mengheningkan cipta, bersemadi, bertafakur; *~ hati* menenteramkan hati;

ketenangan perihal tenang, keamanan, ketenteraman;

penenang (sesuatu) yg menenangkan: *ubat ~ jiwa*.

tenang (ténang); **menenang** membidik, memitar.

tenar 1. sl huru-hara, gaduh, gempar, hingar bingar, rusuh: *~lah bunyi sumpah seranahnya akan Pak Pandir serta dilutunya umpama tebuhan pecah sarangnya*; 2. terkenal, masyhur, ternama: *beliau seorang pengarang yg telah cukup ~ namanya di ibu kota.*

tenat 1. letih lesu, penat sekali: *nafasnya pendek-pendek tanda ~*; 2. keras, kuat, teruk (sakit dll): *mereka terpaksa pulang kerana orang tua mereka sakit ~*; 3. ki tidak berkembang dan mengalami kerugian atau kemelesetan yg sangat teruk sehingga boleh menyebabkan kebangkrapan, krisis ekonomi dsb (bkn ekonomi, perniagaan, kewangan dsb): *kedudukan kewangan syarikat itu masih ~*; *ekonomi negara yg ~ menyebabkan ramai pekerja kehilangan pekerjaan*;

ketenatan perihal atau keadaan tenat.

tenda (téndá) 1. kain mota utk membuat khemah di kapal (perahu dll), kain kanvas; 2. khemah, ceteri; 3. langit-langit (pd katil dll); 4. atap (kap) kereta (beca dll): *tukang-tukang beca menurunkan ~ di depan becanya.*

tendang sepak (dgn kaki),epak, terajang;

~ duyung keadaan apabila kedua-dua kaki serentak turun bengkok dan naik lurus semasa berenang dgn gaya kuak kupu-kupu; *~ pusaka* Kl mati (ayam); *~ terajang* menyepak dgn kedua-dua belah kaki; *~ tumit* mendepakkan tumit;

bertendang saling menerajang (mendepak): *bertumbuk ~ spt anjing dgn kucing*;

menendang 1. menyepak, mendepak, menerajang: *ditendangnya pintu rumah itu dgn sekuat-kuat hatinya*; 2. bp mengusir (dr persatuan dll), memecat (dr jawatan dll): *mereka ditendang keluar kerana melanggar disiplin parti*; 3. mendesak kuat-kuat, menolak-nolak: *buah dadanya yg tegang ~ colinya*;

tendangan hasil perbuatan menendang, sepakan (bola dll): *dia tercampak ke sudut gelanggang oleh suatu ~ kencang drpd Umbang;*

~ *bebas* tendangan percuma; ~ *penjuru* tendangan dr sudut padang yg dibuat setelah bola disepak melewati garisan selari dgn pintu gol pasukan lawan (bola sepak); ~ *percuma* tendangan yg diberikan kpd sesuatu pasukan apabila pasukan lawan melakukan kesalahan (dlm bola sepak);

penendang orang yg menendang.

tendas sl kepala;

menendas memenggal (memancung, memotong) kepala: *lalu ditendasnya kepala Merga Paksi.*

tendens (téndéns) IB kecenderungan, tendensi.

tendensi (téndensi) kecenderungan (terhadap sesuatu): *cerita yg ~nya dikatakan memusuhi rakyat dan memusuhi perdamaian; Usman Awang memperlihatkan ~nya ke arah memperkembangkan cerita melalui aksi dramatik;*

bertendensi mempunyai atau menunjukkan kecondongan (kecenderungan), berkecenderungan: *selain drpd itu banyak lagi syair yg ~ spt itu.*

tender (téndér) I IB gerabak kereta api (utk membawa minyak, air, arang, dll).

tender (téndér) II tawaran utk membuat sesuatu pekerjaan atau membekalkan barang dgn menyatakan sekali harga atau bayaran yg dikehendaki: *syarikat kerjasama kilang kertas dan baja Malaya telah pun mengeluarkan ~ utk membuat kilang itu;*

menender membuat tender: *kementerian telah ~ kerja membekalkan perabot pejabat kpd beberapa firma;*

penenderan perihal (proses, usaha atau tindakan) menender;

penender orang (pihak dsb) yg membuat atau memberi tender;

petender orang (syarikat dsb) yg mendapat tender.

tendon (téndon) (Bio) serat tisu yg kenyal yg menyambungkan otot dgn tulang.

tener (ténér) Kl sj tumbuhan, petola, *Luffa spp.*

teng (téng) I bp **1.** kereta kebal, kereta perisai; **2.** Id tangki (tempat menyimpan minyak benzin dll).

teng (téng) II tanglung, lentera.

teng (téng) III bunyi spt bunyi loceng dll; **ting.**

teng (téng) IV Kd, bp mengatasi, melebihi, menandingi.

tengadah memandang ke atas, lwn tunduk: *kemudian ~ ia ke langit;*

tunduk ~ a) sebentar tunduk sebentar memandang ke atas; b) berfikir dgn sungguh-sungguh, bekerja dgn tekun;

menengadah memandang ke atas, mengangkat kepala (tidak menunduk): *aku ~ ke atas ke siling kamar; ~ matahari ki menentang pemerintah (pembesar);*

~ membilang layas, menangkap membilang lantai prb hendaklah difikirkan masak-masak sebelum membuat sesuatu pekerjaan;

menengadahkan; *~ kepala (muka) mengangkat kepala (muka) melihat ke atas, mendongakkan muka (kepala).*

tengah **1.** tempat (titik dll) yg letaknya di antara dua tepi (batas, benda, dll), bahagian di antara hujung dgn pangkal, lwn tepi (hujung): *ia berdiri di ~ bukan di tepi; di ~ jalan mereka itu berdiri pula sejurus sambil melayangkan mata ke sana ke mari;* **2.** seperdua dr, separuh: *hingar bingar itu terus-menerus hingga ke ~ malam; ~ dua satu satu perdua; ~ dua puluh lima belas;* **3.** di dalam, di antara (masyarakat dll), di kalangan: *ia lebih suka bekerja diam-diam dan tidak suka mencari nama di ~ orang ramai;* **4.** dalam: *ikan haruan di ~ sawah dan kuang di ~ rimba tidak selalu galak;* **5.**

(anak dll) di antara yg sulung dan yg bongsu: *yg tua laki-laki Baginda Mani Parindan dan yg ~ Raja Akar Muluk Syah namanya*; **6.** sedang (melakukan sesuatu), dlm pd itu, pd waktu (ketika) itu: *Sultan Mahmud pun ~ santap*;

~ *berat* sedang sarat (orang mengandung); ~ *hari* lebih kurang pukul 12 siang; ~ *harungan* di tengah laut; ~ *malam* lebih kurang pukul 12 malam; ~ *naik* a) matahari mulai tinggi (lebih kurang pukul 9 pagi); b) sudah mulai besar (anak yg berumur lebih kurang 15 tahun); ~ *rumah* = ~ *ruang* bahagian rumah yg di dalam; ~ *tapak bayang* ketika matahari tepat di atas kepala; ~ *tubuh* separuh umur; ~ *turun* lebih kurang pukul tiga petang;

ke tengah **1.** menuju (menghala, mengarah) tengah; **2.** ki ke pengetahuan orang ramai, ke khalayak ramai: *tidak apa-apa pun keterangan yg boleh dibawa ke tengah*; (*boleh*) *dibawa* ~ a) boleh diadakan; b) boleh didengar (dilihat dll); (*boleh*) ~ *ke tepi* ki dapat menyesuaikan diri; menjadi perantara dlm perselisihan dll, mendamaikan (orang yg berbantah, bertengkar, dll), mencampuri (perbualan orang dll);

mengetengahkan **1.** membawa ke tengah: ~ *perahu*; **2.** memberitahu kpd, mengemukakan (usul, cadangan, dll), mengutarakan, memajukan: *terasa mahu hendak ~ perkara itu*; **3.** menampilkan ke muka, menonjolkan, mengemukakan: *beliau sebenarnya seorang pengarah yg boleh diketengahkan*; **4.** mengadukan kpd (hakim, pengadil, dll);

setengah **1.** separuh, seperdua: *luasnya tanah itu ~ ekar*; *bekerja ~ hari*; **2.** tidak sempurna, tidak sepenuh-penuhnya, tidak ... betul; **3.** bp kurang waras fikirannya (otaknya, akalnya), agak gila: *bercakap merepek-repek tidak tentu hala spt percakapan orang ~*; **4.** setengah-setengah;

~ *hati* tidak dgn sungguh-sungguh hati; ~ *masak* a) belum masak betul (tentang buah-buahan dll); b) ki orang yg tidak mempunyai pengetahuan yg cukup atau luas; ~ *mati* hampir akan mati; ~ *mengerti* tidak mengerti betul-betul; ~ *rasmi* tidak rasmi benar; ~ *tiang* ki agak gila; ~ *umur (baya, tua)* kira-kira berumur 35-40 tahun;

setengah-setengah 1. beberapa (orang dll), sebilangan (sebahagian) daripadanya, sesetengah: *sesudah sembahyang maghrib* ~ *orang berangkat pulang*, ~ *pula duduk berzikir*; dlm bahasa Melayu vokal di akhir ~ kata dan kata pinjaman dibunyikan sbg a tetapi yg lain sbg e pepet; 2. tidak dikerjakan (diselesaikan) dgn sempurna, kepalang, kepalang tanggung, tanggung-tanggung: *kalau bekerja hendaklah betul-betul jangan ~*;

sesetengah beberapa (orang dll), sebilangan (sebahagian) daripadanya, setengah-setengah;

bertengah sl naik dll setengah (gunung dll): *baru kira-kira ~ gunung itu, maka tidaklah ternaiki lagi oleh segala mereka*;

menengah 1. menuju (menghala) ke tengah, pergi ke tengah: *dr pinggir ia ~*; 2. yg di tengah-tengah, sedang (tidak besar dan tidak kecil);

anak ~ anak yg di tengah-tengah (ada kakak dan adiknya); *pegawai* ~ pegawai yg pangkatnya antara pegawai tinggi dgn pegawai rendah; *sekolah* ~ sekolah yg peringkatnya antara institusi pengajian tinggi (spt universiti dsb) dan sekolah rendah; ~ *tulang bumbungan (punggung)* prb Mn mahal tidak murah pun tidak (harga);

menengahi mengantarai (mendamaikan, meleraikan) perselisihan dll, mengetengahi: *ia datang ~ pertengkaran itu*;

tengahan = *wang* ~ Id setengah rupiah (suku);

pertengahan 1. tempat (titik waktu dll) yg di tengah-tengah atau kira-kira di tengah-tengah: *maka pd ~ jalan itu, bertemulah ia dgn suatu sungai; pd ~ tahun tujuh puluhan pd tahun 1975* (mungkin juga pd lewat tahun 1974 atau awal tahun 1976); **2.** setengah atau separuh (melakukan sesuatu): *hatta sedang ~ bendahara makan, Raja Kedah pun datang; 3.* bp sedang: *dia ~ makan sekarang; 4.* tidak berapa tinggi dan tidak rendah dll, sedang, sederhana: *bukit itu ~, tidak terlalu tinggi, tidak terlalu rendah; 5.* sama banyak, rata-rata;

penengah 1. yg terletak di tengah-tengah; **2.** perantara, peleraian, pendamai (dlm perselisihan dll).

tengak Mn hilang akal, bingung.

tengalan sj ikan darat, temengalan, *Puntius bulu*.

tengar sj tumbuhan (pokok yg kulitnya digunakan utk menyamak jaring, kulit binatang, dll), *Ceriops tagal*; ~ hutan sj tumbuhan (pokok), medang pengam, *Ternstroemia bancana*.

tengara Jw semboyan (bunyi kentungan dll), alamat, tanda.

tengari Jk tengah hari.

tengas sj ikan darat, kejur, *Acrossocheilus hexagonolepis*;

~ daun sj ikan darat, daun, *Acrossocheilus deauratus*.

tengat Kl, bp jimat (dlm membelanjakan wang dll), cermat, hemat.

tenggak I; menenggak meneguk (air, ubat, dll), menelan (makanan, pil, dll).

tenggak II Kd (pd) ketika, (pd) waktu, masa.

tenggala sj alat utk menggemburkan dan membalikkan tanah, bajak, luku; *toleh* ~ sl waktu pagi lebih kurang pukul 8-11;

menenggala membajak (tanah) dgn tenggala, meluku: *pergilah anakku sembunyikan kerbau orang yg ~ di bendang itu barang dua ekor*;

penenggala orang yg menenggala, pembajak.

tenggalung I *musang* ~ sj musang, *Viverra tangalung*;

tenggalung II *pagar* ~ pagar yg melengkung di buritan sesetengah perahu.

tenggalung III Kd punggai, baling, lontar (orang, dsb).

tenggan; bertenggan Jh berketak (pd kulit leher) kerana gemuk.

tenggang (ténggang) **1.** tempoh atau waktu (yg diberikan utk berfikir, berikhtiar, berusaha, dll), batas waktu; **2.** daya upaya (utk melepaskan diri dr bahaya dll), ikhtiar, usaha; **3.** ark sama bahagiannya;

~ *daya* tempoh atau waktu yg diberikan utk berikhtiar (berusaha dll); ~ *hati*, ~ *rasa* menjaga hati (perasaan) orang lain supaya tidak tersinggung; ~ *tanggung* waktu yg diberikan utk bertanggung, tempoh; ~ *waktu* Id batas waktu (dlm perjanjian dll); *habis* ~ *dan* (*dgn*) *kelakar* prb Mn habis akal dan budi bicara;

bertenggang 1. berdaya upaya (utk mendapatkan pinjaman wang, pertolongan, dll), berikhtiar, berusaha: *dia menjadi bodoh dan tidak dapat* ~ *sendiri*; **2.** bertolak ansur (*dgn* kawan), ingat-mengingati, bermuafakat, berunding: *dia dapat* ~ *dgn* *kawan-kawannya*; **3.** beringat-ingat (dlm hal membelanjakan wang), berhemat, berjimat;

bertenggang-tenggangan = **tenggang-menenggang** saling mengingati (perasaan, kepentingan, dll orang), hormat-menghormati, bertolong-tolongan, bantu-membantu: *masing-masing ingin lekas-lekas dan dahulu-mendahului saja dgn tidak ada tenggang-menenggang lagi*;

menenggang, menenggangkan 1. mempedulikan (perasaan, kepentingan, dll orang lain), mengendahkan: *si isteri sudah pandai membawakan perangai dan kelakuan suami, tahu* ~ *hatinya*; **2.**

mengingat atau memandang (akan), menimbang, memikirkan:
pelacur juga adalah manusia yg ~ nasib dan takdirnya;

mempertenggangkan **1.** mengendah akan, mengambil tahu akan, mempedulikan, mempertimbangkan: *segala-galanya harus dipertenggangkan sebelum dibuat keputusan;* **2.** mencermatkan perbelanjaan dll, menyesuaikan pendapatan dgn pengeluaran, menghematkan, menjimatkan: *kalau pendapatan itu kecil perbelanjaan hendaklah dipertenggangkan;* **3.** menjaga perasaan (hati orang) supaya jangan tersinggung: *anak dipangku, kemanakan dibimbing, orang kampung dipertenggangkan;*

tertenggang diikhtiarkan atau diusahakan, ditimbang atau difikirkan baik-baik: *tidak ~ lagi* habis ikhtiar dan budi bicara (tidak dapat berbuat apa-apa lagi).

tenggar Jw luas, lapang, lebar.

tenggar (ténggar) Mn angkat;

menenggar mengangkat; ~ *sauh* mengangkat sauh.

tenggara mata angin di antara timur dgn selatan; *angin* ~ angin yg bertiup dr sebelah tenggara; (*angin*) ~ *mandi* angin kencang dr tenggara; *musim* ~ musim tengkujuh (dr bulan April hingga bulan Oktober);

menenggara ke sebelah tenggara; *selatan* ~ mata angin di antara selatan dgn tenggara; *timur* ~ mata angin di antara timur dgn tenggara.

tenggarung Jh dapur drpd tanah liat, cengkeran, anglo.

tenggat I ark batas waktu, had, hingga.

tenggat II; menenggat mengganggu, menghalang (pekerjaan dll).

tenggayung sj tumbuhan (pokok yg kayunya dijadikan perkakas rumah),

Parartocarpus trianda.

tenggek (tenggé); **menenggek** menampi (dgn nyiru dll).

tenggek (ténggék) **I**; **bertenggek, menenggek** **1.** duduk di tempat yg agak tinggi (burung di atas dahan dll): *dia duduk bertenggek di atas anak tangga utk melepaskan lelahnya*; **2.** terletak miring (topi di kepala dll), teleng, senget: *songkok hitam drpd baldi yg mahal harganya menenggek di atas kepalanya*; **3.** ki sentiasa menumpang dll pd orang lain, menebeng;

menenggekan meletakkan sesuatu di atas tempat yg agak tinggi: *balang itu ditenggekkannya di penjuru lambur*;

tertenggek **1.** dgn tiba-tiba bertenggek; **2.** terletak di tempat yg tinggi; **3.** terletak senget sebelah, terteleng: *di kepalanya ~ songkok hitam*;

tenggekan, penenggek tempat bertenggek, tenggeran.

tenggek (ténggék) **II**; *akar ~ kerau* sj tumbuhan (pokok renek), akar merah (sakalat), bunga akar setebal, sembelit jangau, semelit papan, *Connarus ferrugineus*.

tenggelam **1.** masuk terbenam ke dlm air dll, kelelap, lwn timbul: *perahu itu ~ dipukul ribut*; **2.** masuk air dan karam (perahu, kapal, dll): *telah datang ke laut Selan, hujan tiada, ribut tiada, tiba-tiba kapal itu dgn segala isinya ~*; **3.** masuk atau terbenam (matahari): *setelah matahari ~ maka mereka pun meneruskan perjalanan*; **4.** ki menusuk masuk (senjata tajam spt pisau, keris, dll), menoblos, membenam: *separuh mata parang itu ~ ke dlm lehernya*; **5.** ki terjerumus atau termasuk ke dlm (keadaan yg buruk, kesengsaraan, dll): *~ dlm hutang; kenyataan itu membuat aku ~ dlm keraguan*; **6.** ki sangat asyik (hingga terlupa akan yg lain), mabuk: *mereka ~ di dlm angan-angan dan rungutan hati masing-masing*; **7.** ki hilang atau lenyap (oleh sesuatu): *suara pemuda tadi ~ di dlm suasana yg bisung di situ*;

~ *punca* menjadi bingung; ~ *timbul* a) sekejap tenggelam sekejap timbul; b) ki sekejap muncul (ada, kelihatan, jelas, terang dsb) sekejap hilang (tiada, perlahan dsb): *suaranya ~ timbul; mati ~ mati lemas* (dlm air);

untung sabut timbul, untung batu ~ prb untung-untungan mengerjakan sesuatu (jika untung baik, jika nasib malang binasa); *yg disuruh ~, yg menyuruh pun* ~ prb orang yg lebih malas disuruh mengerahkan orang yg malas (sia-sia belaka akhirnya);

menenggelami **1.** membanjiri atau menggenangi (tentang air dsb): *kawasan-kawasan yg rendah telah ditenggelami air*; **2.** ki menyebabkan lenyap atau hilang: *tempik sorak gembira rakyat Asyur ~ rintihan dan tangisan tawanan tersebut*;

menenggelamkan **1.** membenamkan ke dlm air dll: *rakyat Belanda dr abad ke abad berjuang melawan ancaman air laut yg hendak ~ buminya*; **2.** menjadikan karam (kapal dll), mengaramkan, mengelebukkan: *di Selat Sunda, di Selat Bali, kapal-kapal selam Jepun ~ mangsanya*; **3.** ki menjadikan tidak kedengaran (kelihatan dll), menghilangkan, menghapuskan, melenyapkan: *suara Kak Putih lantang ~ suara yg lain*;

penenggelaman perihal (perbuatan, tindakan) menenggelamkan.

tenggelung Kd sj hantu yg tidak berkepala, penanggalan.

tengger (ténggér); **bertengger** duduk pd tempat yg ketinggian (burung di atas dahan dll), bertenggek: *seekor gagak tua ~ di hujung ranting kering*;

tenggeran (bilah dll) tempat burung bertengger dlm sangkar; *sangkar emas ~ suasa* prb laki-laki yg menunggu isterinya (kekasihnya) dgn rumah yg bagus serta cukup alat perkakasny.

tenggiling sj binatang yg bersisik dan yg panjang muncungnya utk memakan semut dan anai-anai, *Manis javanica*; *atap batu sisik* ~ atap genting yg susunnya spt sisik tenggiling.

tenggiri sj ikan laut, *Scomberomorus spp.*; jenis-jenisnya: ~ *batang* sj ikan tenggiri, *Scomberomorus commersonii*; ~ *bunga* = ~ *papan* sj ikan tenggiri, *Scomberomorus guttatus*; ~ *kikus* = ~ *musang* sj ikan tenggiri, *Scomberomorus lineolatus*.

tenggorok, tenggorokan kerongkong; *batang* ~ saluran udara dr halkum ke paru-paru.

tengguk Jh; **menengguk** menyiasat.

tenggul Pr; **bertenggul** bertelut, berlutut.

tengguli I sj tumbuhan (pokok), raja kayu, *Cassia fistula (javanica)*.

tengguli II Mn **1.** air gula, gula kelapa yg dicairkan; **2.** air tebu yg sudah dimasak, ceng; *bak* ~ *ditukar cuka* prb Mn kejadian yg bertukar drpd suatu keadaan yg menggirangkan kpd yg menyedihkan (yg senang kpd yg susah).

tenggulung □ → □ **senggulung.**

tengik 1. bau atau rasa yg tidak sedap (bau minyak kelapa yg sudah lama disimpan dll), pering; **2.** ki berbau busuk, terlalu jahat (kelakuan dll); **3.** ki sangat tajam (perkataan), sangat kejam (perbuatan), sangat zalim.

tengil Jw ark; **menengil** menyembul (menonjol) sedikit.

tengin Pr sangat bodoh, dungu.

tengit □ → **tengik.**

tengka Ph antara, jarak;

menengka menjadi perantara (orang berunding dll), mengantari.

tengkalak I sj lukah panjang (bentuknya spt piramid).

tengkalak II baluk kayu yg dipasangkan di atas tiang layar.

tengkalang sj rengkiang kecil yg bertiang tinggi.

tengkaluk biji mangga dll yg masih muda dan boleh dimakan.

tengkam I ark ukuran berat emas (6 kupang atau 14.18 gram).

tengkam II Jh cengkam.

tengkang I sela di antara kedua-dua belah mata.

tengkang II; *akar ~ merah* sj tumbuhan (pokok memanjat), getah grip putih, akar segerang, akar tengkah putih, *Willughbeia flavescens*.

tengkar I bantah, cekcok, selisih; ~ *dan selisih* berbagai-bagai percekcoan (perselisihan); ~ *hati* dlm perselisihan (percekcoan);

bertengkar berbantah, berbalah, bercekcoan, bertaki, bertikai: *dia selalu mendengar emak dgn abangnya ~ pasal adat*;

bertengkaran saling bertengkar, berbantahan, bercekcoan;

menengkari membantahi (pendapat orang dll), menyanggahi;

menengkarkan, mempertengkarkan memperebutkan sesuatu dgn bertengkar, memperbantahkan, mempercekcoan: *apakala tanah itu telah didaftarkan tetaplah tanah itu menjadi hak miliknya dan tiada siapa boleh mempertengkarkannya*;

pertengkaran perihal bertengkar: *rundingan telah membawa kpd ~ dan ~ pula membawa kpd perkelahian*.

tengkar II = **penengkar** Mn tidak mahu menurut kata (nasihat orang dll), degil, keras kepala, tegar hati; *anak ~ anak yg keras kepala*.

tengkarah Mn perselisihan (pertentangan) pendapat, pertengkaran.

tengkarap Jh, Mn rosak semuanya, binasa (tentang musuh dll), jahanam, musnah;

menengkarapkan 1. merosakkan semuanya, membinasakan, memusnahkan; 2. ki menurunkan pangkatnya, menjatuhkan dr kedudukannya (raja, pembesar, dll).

tengkaras sj tumbuhan (pokok yg menghasilkan kayu gaharu), karas, kekaras, kayu gaharu, *Aquilaria malaccensis*.

tengkawang sj tumbuhan (pokok yg menghasilkan minyak tengkawang),
membatu sengkawang, damar laut, *Isoptera sumatrana*.

tengkek (téngkék) sj burung (bulunya berwarna biru).

tengkel (téngkél) tahi yg berbutir-butir (tahi kambing dll), gentel, pil,
untal;

bertengkel-tengkel bergugus-gugus (buah-buahan).

tengker (téngkér) ark □ → □ **tengger**.

tengkerong (tengkerong) sj ikan laut, gelama jarang gigi, jegigi,
Otolithes ruber.

tengkes (téngkés) ark **1.** bantut (orang, binatang, dll), kerdil; **2.** kecil
sebelah (jika dibandingkan dgn pasangannya).

tengking 1. bunyi yg nyaring dan keras (spt bunyi ringkik kuda dll); **2.**
suara yg tinggi dan keras (suara orang marah, membentak, dll),
bentak: *abang Anuar selalu kena ~, marah dan hamun kalau dia
tidak dapat menjawab soalan ayah; ~ herdik* bermacam-macam
bentak dan hamun, berbagai-bagai herdikan;

bertengking 1. berkata dgn suara yg tinggi dan keras (membentak-
bentak, mengherdik, dll); **2.** bertengkar, berbantah;

menengking 1. berkata-kata dgn suara yg keras; **2.** memarahi dgn
suara yg keras, membentak, mengherdik: *janganlah ditengking
herdik dia kerana kesalahan yg kecil;*

tengking-menengking saling menengking;

tengkingan kata-kata yg kasar dan keras, bentakan, herdikan.

tengkoh (téngkoh) C candu yg dimasak.

tengkolok 1. sj kain penutup kepala, bulang hulu, destar, setangan
kepala, tanjak; ~ *alang* destar yg lilitnya rendah; **2.** sj kain penutup
kepala atau selubung (drpd sutera dll) yg dipakai oleh wanita;

bertengkolok memakai tengkolok: *kepala yg gondol tidak ~.*

tengkorak I tulang kepala (yg mengandung otak), batok kepala, tempurung kepala.

tengkorak II; ~ *biawak* sj tumbuhan (pokok), babi kurus, jenjagung, ketiak, limau hutan, melaman, memali, mentua kemenyan, rejang, *Acronychia laurifolia*; ~ *lang* a) sj tumbuhan (pokok), pokok madu, *Aglaia argentea*; b) sj tumbuhan (pokok), balun hijau, gerenggong, kedondong hutan, kerantai, *Aglaia griffithii*; c) sj tumbuhan (pokok), tengkohalang, *Aglaia kingiana*.

tengku I gelaran bangsawan Melayu (anak atau keturunan raja); ~ *mahkota* putera mahkota (di Johor dan di Pahang), bakal sultan, raja muda;

bertengku memakai kata tengku.

tengku II; ~ *lolah* = ~ *olah* sj ikan darat, *Mystus wyckii*.

tengkujuh musim hujan (lebat): *segala persiapan telah pun dibuat utk menghadapi bahaya musim ~ nanti*.

tengkuk I 1. bahagian leher yg di sebelah belakang, kuduk; *alur* ~ = *lubang* ~ lekuk pd kuduk; *bulu* ~ a) bulu yg tumbuh pd kuduk; b) surai (kuda, singa); *pusar* ~ = *mata punai* ~ kuduk yg di sebelah atas (di bawah rambut); 2. bahagian pd sesuatu benda (tangkai padi dll) yg menyerupai kuduk: *bajunya baldu ~ kuning*.

tengkuk II; ~ *biawak* sj tumbuhan (pokok renek), keduduk gajah, kerapak rimau, lidah buaya, pakar rimba, panghong, senduduk gajah (hutan), *Alomorphia malaccensis*.

tengkulak Jw pedagang yg memborong hasil bumi (buah-buahan dll) utk diperdagangkan, peraih.

tengkurap menelungkup, meniarap, telangkup, telungkup, tertiarap: *jatuh* ~;

menengkurapkan menelungkupkan, meniarapkan.

tengkurup □ → □ **tengkurap**.

tengkuyung sj siput yg kulitnya berwarna (biasanya digunakan utk menggerus kain), *Murex rarispinus*.

tengok (téngok); **tengok-tengok** tiba-tiba, tut-tut, tup-tup;

menengok 1. pergi atau datang hendak melihat (mengetahui), melihat, memandang: *pd suatu pagi spt biasa aku pergilah ~ tuar dan perangkap*; **2.** melihat pertunjukan dll, menonton: *selalu dia mempelawa Ida ~ wayang*; **3.** melawat (orang sakit dll), menjenguk; *hari-hari dia pergi ~ adiknya di rumah sakit*; **4.** melihat buruk baiknya (nasib dll), menilik, meramalkan; **5.** bp berjumpa, bertemu: *sekarang saya sudah lama tidak ~ dia*;

tertengok menengok (melihat) dgn tidak sengaja: *kalau Cikgu Hamidah ~ lukisanmu itu, macam mana?*

tengu Jw tungau.

tenguh bunyi lembu; □ → □ **lenguh I**.

tengung; ~-*tenging* lalai akan kewajiban (tanggungjawab dll), pangling.

tenik sj tumbuhan (pokok), kayas, kenik, ipuh batang, pokok ipuh, ternik, *Antiaris toxicaria*.

tenis (ténis) sj permainan yg dimainkan (oleh dua atau empat orang) dgn memukul bola dgn raket, permainan bola tampel; ~ *meja* Id pingpong.

tenjak 1. menirus ke atas, meruncing (tentang destar, tengkolok, dll); **2.** meningkat naik (jalan dll); □ → □ **tanjak I**.

tenjak (ténjak) tenjet.

tenjet (ténjét); **bertenjet-tenjet** berdiri (berjalan) dgn hujung jari kaki, berjengket.

tenok (ténok) Mn; **menenok** membidik, memitar.

tenong (ténong) I Jw sj bakul yg bundar bentuknya dan bertutup tempat menyimpan makanan.

tenong (ténong) II Tr sj mangkuk tingkat utk mengisi makanan.

tenor (ténor) (Muz) **1.** nada suara yg tertinggi bagi lelaki dewasa; **2.** nyanyian dgn nada suara yg tertinggi bagi lelaki dewasa; **3.** penyanyi lelaki yg menyanyi dgn nada suara lelaki yg tertinggi.

tension (ténsion) bp perasaan tertekan yg menimbulkan rasa cemas, bimbang, tidak tenang, dsb disebabkan faktor tertentu: *selain dapat melepaskan ~, dapat juga pengalaman baru; duduk-duduk begini sambil mendengar cerita dapat juga menghilangkan ~.*

tentakel (téntakel) (Bio) cuaran mudah lentur yg terdapat pd tubuh haiwan tertentu spt siput dan sotong, berfungsi sbg reseptor deria, penangkap makanan dsb.

tentamen (téntamén) IB peperiksaan permulaan dlm sesuatu mata pelajaran (utk mahasiswa universiti dll).

tentampan tetampan.

tentang 1. = **di tentang** berhadapan dgn, betul-betul di depan (di muka), dekat di sebelah ..., berseberangan dgn: *~ sebuah potret yg tergantung di dinding ia berdiri diam-diam, memandang tenang-tenang;* **2.** lurus di atas, tepat di atas: *surat drpd Khadijah, yg mengaku sahabat Hayati ini, laksana sebuah bom yg meletus di tentang kepalanya;* **3.** lebih kurang pd, kira-kira pd (di): *maka Upu Daing Perani pun kenal peluru meriam ~ dadanya;* **4.** = **tentangan** Mn terhadap, berkenaan: *mereka memberikan perhatian ~ Bahasa Kebangsaan;* **5.** hal ..., perkara ...: *kedua-dua syeikh itu berbahas ~ masalah akyan sabitah;* **6.** berkenaan dgn, berkaitan dgn, darihal, mengenai: *Datuk Ujang sendiri masih samar-samar ~ apa yg dimaksudkan oleh kata-kata gadis itu;* **7.** akan ..., dlm hal: *buku ini tidaklah lengkap, sama ada ~ isi baik pun ~ penjelasan isinya; di ~ langit, langit, di ~ bumi, bumi prb orang yg lemah sekali dan tiada tempat berharap;*

setentang berhadapan benar dgn, betul-betul di hadapan (di atas):
rumah dia ~ benar dgn rumah saya;

bersetentang, bersetentangan berada betul-betul berhadapan (di atas): *beliau mengangkat mukanya dan memandangi muka bapanya yg ~ di hadapannya;*

bertentang 1. berhadapan (dgn), bertemu hadap: *dia berdiri tegak ~ dgn muka pintu yg terkutup rapat itu;* **2.** menghadap (ke), menghala (ke): *buat jalan dr bawah tanah itu sampai ~ ke bawah rumahnya itu; ~ mata* a) berhadapan muka, berpandangan-pandangan; b) bertemu muka;

bertentangan 1. = ~ dgn = **bertentang-tentangan** berhadapan, berhadapan: *dia duduk ~ dgn aku;* **2.** sl berdekatan dgn: *setelah itu maka sampailah kapal itu ~ dgn Gunung Sailan;* **3.** berlawanan (arah, kedudukan, dll): *arah yg ~; sudut yg ~;* **4.** berlawanan, bermusuhan: *mungkin kita dgn mereka kadang-kadang bergaduh dan ~, tetapi dgn mereka juga kita mesti makan, bekerja serta bermain-main;* **5.** tidak sesuai (cocok, selaras) dgn, bersalahan dgn: *tiap-tiap kebebasan seseorang itu akan ~ dgn kebebasan seseorang yg lain;* **6.** berselisih (faham, pendapat, dll): *kami berdua jarang ~ pendapat;*

menentang 1. memandangi tepat-tepat pd, menatap: *rupanya pun terlalu amat elok spt bulan purnama, gilang-gemilang, tiada dapat ditentang nyata;* **2.** mengarahkan pandangan kpd, melekatkan pandangan kpd: *lapang hatinya dapat ~ wajah Dang Kenanga yg selalu tersenyum;* **3.** memberi perlawanan kpd, melawan, memerangi: *mereka sedang ~ keganasan;* **4.** tidak menyetujui (pendapat, usul, perintah, dll), membangkang, menampik, mendaga, menolak (cadangan dll), menyanggah: *dia menggunakan kesempatan yg baik ini utk ~ ajaran Hamzah; semua pekerja ~*

peraturan-peraturan yg tidak berperikemanusiaan; 5. tidak mematuhi (undang-undang dll), menyalahi (aturan): barang siapa yg didapati ~ peraturan-peraturan bekerja ini akan didera; 6. menghadapi atau dgn sengaja menjumpai bahaya (bencana dll), menempuh (bencana): ~ marabahaya; 7. menghadapi, menjelang: hidup ~ mati; 8. mengarah, menuju: belayar ~ pulau; 9. menyongsong (angin, ombak, dll): belayar ~ angin; jangan ditentang matahari condong prb jangan dinanti atau dicari kemurkaan raja-raja atau kemarahan orang yg berkuasa;

menentangi 1. menjumpai (bahaya, kesulitan, dll), menempuh, menghadapi: *mereka sedikit pun tidak gentar ~ ancaman drpd pihak musuh itu; 2. melawan, memerangi;*

menentangkan menghadapkan, membawa ke muka: *maka dihunusnya oleh Laksamana, lalu ditentangkannya di hadapan Seri Betara, lalu dipakainya;*

mempertentangkan menjadikan bertentangan (berlawanan), menyemukakan: *Baharum Rangkuti yg ~ seni dgn propaganda;*

tertentang 1. dapat dilihat (dipandang), terlihat, terpandang; 2. dapat dilawan (disanggah), terlawan; *tiada ~ mata a) tidak dilihat (dipandang); b) = tidak ~ muka tidak berani berhadapan muka;*

tentangan 1. darihal, tentang; 2. apa yg dipertaruhkan (dlm perjudian dll), imbangan, padahan, pasangan: *kalau aku kalah, rumahkulah ~nya; 3. yg menjadi bandingan (imbangan): Pulau Pinang telah memberikan satu ~ hebat kpd Selangor dlm permainan bola sepak bulan sudah; 4. perlawanan, penampilan, sanggahan: ajaran wujudiyah Hamzah dan Shamsuddin telah mendapat ~ hebat drpd Nuruddin ar-Raniri; 5. (tempat dll) yg bertentangan dgn, (di) seberang, hadapan;*

pertentangan 1. perihal bertentang, perlawanan: ~ terhadap penjajahan barat; 2. perihal bertentangan, perselisihan (yg amat sangat), pertikaian (pendapat dll): *orang Yunani memang mempunyai ~ politik dgn orang Turki;*

penentangan perihal (tindakan dsb) menentang, penolakan, perlawanan: *tentera Belgium tidak menerima apa-apa ~ ;*

penentang (orang dll) yg menentang: *aku mahu semua orang tahu kita ~ pendapat Wan Umar.*

tentatif (téntatif) 1. tidak muktamad (pasti) atau masih boleh berubah; 2. buah sementara waktu: *beberapa langkah ~ diambil utk memasukkan sains sepenuhnya ke dlm skop sosiologi ilmu pengetahuan.*

tentawan 1. sj tumbuhan (pokok memanjat), ara jangkang, centawan, sentawan, semelit papan, *Concephalus amoenus*; 2. sj tumbuhan (pokok menumpang), akar murah, mentawan, *Concephalus suaveolens.*

tentayu Kd angkuk perahu yg berbentuk jentayu.

tenteng (ténténg) I sj kuih drpd kacang (bijan dll) dgn gula.

tenteng (ténténg) II Jk; **menenteng** membawa sesuatu dgn tangan lurus ke bawah, membimbit, menjinjing, menjinjit: ~ *bungkusan*; ~ *durian.*

tenteng (ténténg) III main jengket-jengket; **tingting** II.

tentera 1. = *bala* ~ sl seluruh orang yg berperang; 2. pasukan yg terdiri drpd askar dll yg dilatih utk berperang (menjaga keselamatan dll); 3. = *anggota* ~ orang yg menjadi anggota angkatan perang (askar dll); *masuk* ~ menjadi askar; 4. yg bersangkutan dgn angkatan perang (dlm kata majmuk): *rumah sakit* ~;

~ darat bahagian angkatan perang yg bertugas di daratan; ~ *gerak cepat* pasukan (askar dll) yg mudah dipindah-pindahkan dgn cepat;

~ *laut* angkatan perang yg bertugas di laut; ~ *payung terjun* tentera yg terjun dr kapal terbang dgn payung terjun; ~ *pendudukan* tentera asing yg menduduki sesuatu daerah dll; ~ *sukarela* pasukan tentera yg berkhidmat secara sukarela; ~ *udara* angkatan perang yg dilengkapi dgn kapal terbang dll; ~ *upahan* askar yg diupah utk berperang; ~ *wataniah* pasukan tentera sukarela utk mempertahankan negara dlm masa darurat;

ketenteraan perihal tentera: *perjanjian itu melibatkan masalah politik dan ~;*

petenteraan, pertenteraan tempat tentera dikumpulkan, urusan mengenai tentera.

tenteram 1. tidak ada rusuhan (kekacauan), aman, sentosa: *negeri yg begitu aman dan ~;* 2. tidak berasa kkuatir atau gelisah (perasaan hati, fikiran, dll), tenang: *beliau meninggalkan rumah itu dgn hati yg tidak ~;*

menenteramkan 1. menjadikan tenteram, mengamankan, menyentosakan: *pemimpin-pemimpin Perikatan dr Kuala Lumpur lah yg ~ keadaan kacau di Singapura itu;* 2. menjadikan tidak gelisah (kacau, rusuh), menenangkan (fikiran, hati, perasaan): *tetapi bagaimanapun dia belum dapat ~ jiwanya;*

ketenteraman 1. perihal tenteram, keamanan, kesentosaan: *pertukaran fikiran telah berlaku tentang soal-soal ~, keselamatan dan pertahanan di Asia Tenggara;* 2. ketenangan (fikiran, hati, perasaan), keredaan;

penenteraman perihal menenteramkan;

penenteram orang (atau bahan) yg menenteramkan sesuatu: *ubat ~.*

tentu 1. sudah tetap, tidak berubah-ubah, pasti, teratur: *belum ~ dia datang hari ini; bas itu tidak ~ tibanya, ada kala lambat ada kala*

cepat; 2. sudah tidak ragu-ragu lagi, sudah ketara (ketahuan) benar, tidak syak lagi, jelas, nyata, terang: ~lah sejak ini tidak baik kerana apabila dibaca bunyinya berbeza; 3. tidak boleh tidak, mesti, nescaya, pasti: ~ mereka akan bersusah hati apabila mendengar berita kemalangan itu;

bertentu 1. sl sudah tentu (ketahuan, pasti, tentu, tetap): *setelah ~lah segala menteri dan hulubalang, maka Maharaja Balikasha pun kararlah dlm negeri Biru Hasha Purwa; 2. sl yg ditetapkan (dipersetujui): jika lambat dr empat bulan kita datang, hendaklah Bendahara menyuruh orang yg ~ pergi mendapatkan kita; 3. berbincang atau bermesyuarat utk menetapkan sesuatu, berunding: Wan Abdul Rahman pergi ke Singapura ~ dgn beberapa orang saudagar;*

bertentu-tentu jelas-jelas, nyata-nyata, terang-terang;

bertentukan sl mengambil tahu (peduli) akan, mengatur, menyusun (supaya elok): *setelah sudah berhimpunlah segala rakyat maka Maharaja Balikasha pun berbaiki negeri Biru Hasya Purwa dan ~ segala rakyat;*

menentu; *tidak ~* tidak keruan (teratur, tetap, dll), tidak tentu;

menentui Mn. **1.** memeriksa (supaya ketahuan), mengusut, menyelidiki; **2.** menanyakan (bagaimana halnya dll), mengambil tahu: *~ nasib anak buahnya; 3.* pergi menengok (orang sakit dll), menjenguk; **4.** menyelesaikan (hutang), menjelaskan;

menentukan 1. menetapkan, memastikan: *sudah ditentukan demikian oleh Tuhan; 2.* memberi kepastian (keputusan), memutuskan: *dia tidak pernah dibawa mesyuarat dlm hal ~ siapa yg akan menjadi jodohnya; 3.* memberi tafsiran (makna tentang sesuatu), memberi definisi, mentakrifkan: *setiap simbol yg digunakan dlm kamus hendaklah ditentukan maksudnya; 4.*

membuat kesimpulan, membuat keputusan drpd: *kita tidak mempunyai bukti yg cukup utk ~ dia yg bersalah*; **5.** memberi keterangan yg tentu, menerangkan, mengesahkan: *jikalau orang itu gempar kehilangan kerbaunya, katakan aku tahu bertenung ~ di mana tempat kerbau itu berada*; **6.** mewajibkan, memestikan: *adapun mualim darat itu telah ditentukan membawa kapal itu masuk dgn selamatnya ke Judah, dibayar empat puluh ringgit*; **7.** menguruskan (supaya sempurna), mengaturkan: *dia pergi berunding dgn kapten-kapten kapal lainnya di Halifax utk ~ acara-acara pelayaran kami*;

tertentu 1. sudah ditentukan, sudah tentu (pasti, nyata, terang): *polis mempunyai tugas yg ~ dlm masyarakat*; **2.** utk menyatakan sesuatu yg tidak disebutkan namanya (tempatny dll): *ada golongan-golongan ~ yg mahu memecah-belahkan rakyat*;

ketentuan 1. sesuatu yg tentu atau yg telah ditentukan, keputusan yg muktamad, ketetapan: *sbg hasil drpd perjanjian tersebut satu ~ harga tetap bagi lada hitam telah dipersetujui*; **2.** sesuatu yg sudah tentu (tidak diragu-ragukan lagi), kepastian: *dia mahu meminjam wang itu kalau ada ~ labanya*; **3.** tentu atau tetap (tidak berubah-ubah), beraturan: *kau Lamit orang muda, makan minum tidak ~, sebab itu bukankah baik berumah tangga*;

berketentuan; *tidak ~ a)* tidak ada ketentuannya, tidak mendapat sebarang keputusan, tidak ada kepastian: *rundingan kita tadi tidak ~ lagi*; *b)* tidak teratur (tentu), tidak keruan, berkecamuk: *buku-buku tidak ~* ;

ketidaktentuan perihal (keadaan dsb) yg tidak tentu, ketidakpastian: *ini adalah suatu gambaran tentang adanya ~ cuaca atau suasana alam*;

penentuan perihal menentukan, penetapan, pemastian: *orang masuk syurga atau neraka adalah ~ drpd Tuhan;*

penentu yg menentukan: *Allah sbg Pencipta dan ~ segala kejadian.*

tentuban selaput pembungkus bayi dlm kandungan dan tembuni, ketuban; → **tuban-tuban.**

tentulang 1. sj tumbuhan (pokok renek), kayu patah tulang, *Euphorbia tirucalli*; **2.** sj tumbuhan (pokok kecil), berombong, kurau, merombong, riu, tabah, *Timonius penducularis*; **3.** sj tumbuhan (pokok kecil), serapah, *Urophyllum hirsutum*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok renek), *Pedilanthus tityhmaloides*; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok renek), jarum-jarum merah, pial ayam hutan, pecah periuk, penujuh, siantan hutan (*jantan*), *Ixora chinensis*.

tenturun sj musang (rupanya spt beruang kecil), benturung.

tenuk I = *badak* ~ sj binatang liar, badak tempung, badak babi, cipan, kuda air, senuk, *Tapirus malayanus*.

tenuk II sj ikan laut, *Sphyraena spp.*

tenun; *barang* ~ barang-barang yg dibuat drpd benang dll (kain, kapas, sutera, dll); *abah-abah (alat, perkakas)* ~ alat perkakas utk membuat kain (cita dll); *industri (perusahaan)* ~ perusahaan membuat barang tenun; *kain* ~ kain yg dibuat drpd benang; *pabrik* ~ Id kilang barang tenun; *tukang* ~ orang yg membuat kain (dgn menggunakan alat tenun);

bertenun membuat barang tenun (kain dll): *ada juga sedikit-sedikit orang ~ kain sutera; ~ sampai ke bunjainya* prb mengerjakan sesuatu hendaklah sampai sempurna;

menenun membuat barang tenun (drpd benang, sutera, dll): *di kawasan ini ada pelbagai perusahaan spt ~ kain, memasang motokar dan membuat bateri;*

menenuni menggubah: *aku dan kau ~ puisi demi puisi mencari intisari suatu nilai suatu erti;*

tenunan 1. cara menenun: *kain ini ~nya halus;* **2.** hasil drpd menenun, barang-barang yg ditenun: *kain ~ Jawa;*

penenunan 1. perihal (perbuatan, kerja, dsb) menenun: *~ linen dan penjahitan baju;* **2.** = **pertenunan** tempat (kilang dll) menenun;

penenun orang yg menenun: *kapas juga ada ditanam utk kegunaan ~ kain di negeri itu.*

tenung ilmu utk mengetahui sesuatu yg akan terjadi pd masa yg akan datang (melihat nasib, mencari barang hilang, dll), nujum, ramal; *ilmu ~ ilmu tilik-menilik (nasib orang dll); juru~ = tukang ~ = pandai ~ orang yg pekerjaannya menilik nasib orang; membaca (membukakan) ~ = melihat dlm ~ menengok nasib orang dgn tenung;*

bertenung 1. membaca tenung, meramalkan, menelah: *jikalau orang itu gempar kehilangan kerbaunya, katakan aku tahu ~ menentukan di mana tempat kerbau itu berada;* **2.** = ~ kpd meminta supaya diramalkan nasibnya pd;

menenung 1. = **menenungkan** menilik nasib dll dgn tenung, meramalkan, menelah: *marilah kita sekalian pergi kpd Pak Belalang minta ditenungkan;* **2.** melihat tepat-tepat, memandang, memerhati, menatap, merenung: *dia mengelamun di kerusi ~ rumah depan;*

tenungan ramalan (nasib dll), telahan;

penenungan perihal menenung;

penenung tukang tenung, jurutenung.

tenusu 1. tempat menyimpan susu dan membuat mentega (keju); **2.** perusahaan menyimpan susu dan membuat mentega; *lembu ~ lembu yg ditenak utk susunya;*

pentenusu pekerja tenusu.

tenyeh (tényéh); **menenyeh** menekan-nekan dan memicit-micit sesuatu:

dia ~ matanya yg gatal dgn jarinya;

menenyehkan menekankan: *kemudian ditenyehkannya puntung rokoknya ke tempat abu rokok.*

teodolit (téodolit) (Kej) alat yg digunakan dlm kerja ukur utk mengukur sudut.

teokrasi (téokrasi) sistem kerajaan yg menggunakan hukum-hukum agama sbg dasar pemerintahan negara.

teokrat (téokrat) penyokong (penganut) fahaman teokrasi.

teokratik (téokratik) bkn teokrasi.

teologi (téologi) ilmu bkn ketuhanan.

teorem (téorem) (Mat) prinsip (dlm ilmu geometri) yg telah dibuktikan secara logik;

~ binomial rumus yg membolehkan sesuatu ungkapan binomial digandakan dgn tidak perlu didarab berkali-kali; *~ Pythagoras* teorem yg menyatakan bahawa pd segi tiga yg bersudut tepat luas segi empat sama pd garisan sendengnya sama dgn jumlah luas segi empat sama pd sempadan-sempadan sudut tepat itu.

teoretikal (téorétikal) berdasarkan teori (tidak pd pengalaman atau amalan), teoretis.

teoretikus (téorétikus) IB orang yg ahli dlm hal teori sesuatu ilmu pengetahuan.

teoretis (téorétis) berdasarkan teori, berhubung dgn atau menurut teori, teoretikal.

teori (téori) **1.** pendapat (bersifat pandangan yg tidak dapat dibuktikan dgn kukuhnya) yg dikemukakan utk menerangkan sesuatu perkara dll: *banyak ~ dikemukakan mengenai kehidupan pd masa prasejarah*; **2.** prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yg menjadi

dasar pembentukan (perkembangan) sesuatu pengetahuan: ~
ekonomi; **3.** asas, dasar (bukan amalan atau apa yg biasanya
berlaku); *pd ~nya raja yg memerintah negeri itu, tetapi sebenarnya
baginda menurut nasihat jemaah penasihatnya;*

~ *atom* (Fiz) teori yg menganggap bahawa semua jirim terbina
drpd atom; ~ *domino* teori sains politik yg beranggapan bahawa
kejatuhan salah satu negara di Asia Tenggara ke tangan komunis
akan menyebabkan kemungkinan semua negara Asia Tenggara
akan diambil alih oleh pihak komunis; ~ *ion* (Kim) teori yg
menyatakan bahawa sesuatu bahan yg larutannya mengalirkan arus
elektrik akan mengalami penceraian elektrolisis;

berteori membentuk atau mengemukakan teori: *sekarang ini
terlalu ramai yg suka ~ dan bercakap;*

berteorikan berdasarkan sesuatu sbg teori;

menteor membentuk suatu teori: *Fish gagal ~ konvensi
pembacaannya;*

penteorian proses menghasilkan sesuatu teori.

teosofi (téosofi) IB ilmu kebatinan yg umumnya berdasarkan ajaran-
ajaran agama Buddha dan Hindu.

tep (tép) I IB; *mesin* ~ mesin tulis, mesin taip.

mentep mengetik, menaip.

tep (tép) II pita bersengat (dlm ukuran kaki, meter, dsb) yg digunakan
utk mengukur sesuatu. ~ *rekordar* bp sj alat perakam bunyi.

tepak I sj tumbuhan (pokok memanjat), *Fissistigma cylindricum*.

tepak II bunyi spt bunyi orang menampar atau menepuk;

menepak 1. memukul (menangkis) dgn telapak atau belakang
tangan: ~ *pukulan*; ~ *senjata*; 2. (Sunda) menepuk, menampar: ~
muka.

tepak (tépak) **1.** sj bekas rokok (tembakau dll) yg dibuat drpd daun pandan dll, celepa; **2.** = ~ *sirih* sj kotak kecil (drpd kayu, logam, dll) utk bekas sirih; ~ *jorong* bekas sirih yg bulat dan panjang.

teпам; menepam 1. menggamak sesuatu dgn telapak tangan utk mencari (mengetahui sifat sesuatu dll), meraba: ~ *susu*; **2.** menepuk atau menampar (bahu, dada, dll): ~ *bahu*.

teпang sj tumbuhan (pokok memanjat), akar darah (kenanga, miriam, pisang, sesugi, singga, sugi-sugi), jari ayam, kenanga hutan, sekencong, sempuh baruk, *Desmodium chinensis*.

teparak Kl terkepung, terserempak (dgn musuh dll).

tepas I sj anyaman drpd bilah-bilah buluh utk dinding rumah dll, sasak: *surau yg didirikan drpd kayu-kayu bulat, berdindingkan ~ dan beratapkan daun rumbia; penuh ~ sangat penuh.*

tepas II (Sunda) serambi, beranda.

tepas III sl arah, hala, penjuru; *empat ~ dunia* empat penjuru dunia (timur, barat, utara, dan selatan).

tepat 1. betul (arahnya, tujuannya), lurus: *memang sudah buntarlah bayang-bayang kerana matahari ~ di atas kepala*; **2.** tidak menyimpang drpd sasarannya (tujuannya), kena benar: *tangannya terketar-ketar dan tidak dapat menembak bulan-bulan itu dgn ~*; **3.** tidak kurang dan tidak lebih (waktu dll), tidak berselisih sedikit pun, betul-betul: ~ *pd pukul sepuluh malam, kereta api mel dr Kuala Lumpur ke Singapura mulai bergerak; ~ tengah hari*; **4.** tidak bersalahan lagi (dugaan, ramalan), betul, cocok: *ramalannya memang ~ sekali*; **5.** sesuai dan patut (peraturan, kritikan, dll), jitu: *tindakan yg ~ hendaklah diambil terhadap mereka yg tidak mematuhi disiplin bekerja*; **6.** kena benar (jawaban, perkataan, dll), betul: *saya rasa memang ~ kalau saya mengatakan bahawa kita akan sentiasa kagum apabila berada di Pantai Timur*; **7.** tidak

cakah atau tirus (sudut), betul-betul 90 derajat: *jadikan penjurunya ~*;

tepatnya 1. sesungguhnya, betulnya, sahnya; 2. tegasnya;

bertepatan 1. bersamaan dgn (waktunya), betul-betul kena waktunya dgn (sesuatu): *surat itu sampai ~ dgn kedatangan sahabat-sahabat*; 2. sama benar (dgn), tidak bersalahan atau berlainan sama sekali (drpd), cocok (dgn): *kandungan buku itu ~ dgn sukatan pelajaran*; 3. = **berketepatan** kebetulan pula, berkebetulan;

menepat 1. langsung ke, terus ke, sampai (ke tempat yg dimaksudkan): *jalan ini ~ ke Seremban*; 2. = **menepati** menuju ke, pergi ke, menujui; 3. terus pergi ke (utk bermalam dll);

menepati 1. berpegang teguh pd (janji, kata, dll), tidak memungkiri, menunaikan: *orang yg sentiasa tidak ~ janji itu, tanda munafik, dan akan ke neraka bulat-bulat*; 2. bertepatan dgn, tidak bersalahan (berlainan) drpd: *tulisan-tulisan Ismail Hussein baik yg bersifat kajian sastera mahupun yg memuatkan pemikiran kritis dan analitisnya, adalah ~ istilah esei dlm kajian ini*;

menepatkan 1. menjadikan tepat, menyamakan benar, mencocokkan; 2. menunjukan tepat-tepat, mengalamatkan (surat dll) kpd, mengarahkan; 3. = **mempertepat** menjadikan betul, memperbaiki;

tepatan 1. tempat atau orang yg didatangi (utk menumpang bermalam dll): *kaum kerabat ~nya tidak ada, tentu saja dia dibawa ke rumah kaum kerabat Leman*; 2. orang tempat meminta pertolongan (perlindungan dll), tempat bernaung; 3. tempat orang datang berkumpul-kumpul dll; ~ *jiwa* kekasih, buah hati; ~ *pandang* yg diperhatikan;

ketepatan perihal tepat, atau bertepatan dgn sesuatu, kejituan: ~ ramalannya itu bertanggungjawab menyelamatkan bandar Melaka drpd kepungan tersebut; ~ semua kajian yg selanjutnya bergantung pd ~ pengklasifikasian;

berketepatan berbetulan, kebetulan;

pertepatan persamaan (waktu dll): terdapat pula oleh kita banyak ~ berlaku dlm cerita ini;

penepatan perihal atau perbuatan dsb menepatan (menepat, menepati);

penepat sesuatu yg menjadikan tepat; sudut ~ dua sudut yg apabila dicampurkan merupakan sudut 90 darjah.

tepaut beza, selisih: ~nya dua puluh sen; **paut II**.

tepeh (tépéh) sj siput (yg boleh dimakan).

tepek (tépék) I barang yg tipis yg melekat atau menempel (tanah liat, kapur, koyok, dll): beberapa ~ koyok; se~ tembakau selempeng tembakau; gula ~ gula kelapa atau enau (yg dituang dlm acuan yg tipis);

bertepek menempel, melekat: usahalah membersihkan arang yg ~ di bawah periuk belanga itu;

bertepek-tepek terpalit oleh lumpur (tanah liat dll), comot, kotor: apabila basah rambut itu ~ spt ditampal koyok;

menepak, menepakkan menampalkan, melekatkan: kertas itu ditepek di dinding rumahnya;

penepak alat yg digunakan utk menepak sesuatu: ~ digunakan utk menepak bahagian luar bagi menghasilkan bentuk yg dikehendaki;

tempek.

tepek (tépék) II Kl; ~ tangan cap jari.

tepen (tépén); mangkuk ~ mangkuk tingkat (tempat makanan), siya.

teper (tépér) sj piring.

tepes Jw ark sabut (kelapa).

tepet (tépét); **menepetkan** melekatkan, menempelkan, menepekkan; □ →
tepek I.

tepi 1. bahagian yg luar sekali (bidang dll), pinggir: ~ *meja*; **2.** sesuatu yg dipasang di pinggir (baju, kain, dll), birai: ~ *tabir*; **3.** tempat (kawasan) yg di pinggir: *kami pergi berkelah ke ~ laut*; **4.** perbatasan (kota dll), sempadan di antara satu dgn lain; ~ *langit* perbatasan langit dgn air laut; *menjaga ~ kain orang* ki mengambil tahu hal orang lain;

ke tepi arah ke pinggir, pergi ke pinggir;

mengetepikan 1. memindahkan ke tepi, meletakkan (menaruh) di tepi: *Pak Leman pun membentangkan tikar dan ~ kain-kain buruk yg berselerak di rumah itu*; **2.** tidak mementingkan, mengesampingkan: *oleh sebab kesulitan kewangan ini, maka terpaksa dia ~ harga dirinya*; **3.** tidak mengendahkan, tidak mempedulikan: *pengkritik sastera hendaknya seberapa daya ~ idea politiknya dlm memberi nilai kpd sesuatu karya sastera*; **4.** memencilkan, memulaukan, menyingkirkan: *sudah ternyata cita-cita Seri Nara hendak ~ Datuk Bendahara*; **5.** mengeluarkan (drpd pertandingan dsb), menyingkirkan, mengesampingkan: *Belanda dgn Rusia telah ~ semua pasukan terkemuka dunia*; **6.** membatalkan (keputusan dll): *mahkamah ini berkuasa ~ keputusan Mahkamah Tinggi*;

terketepi diketepikan, disisihkan: *secara umumnya, siswazah tempatan akan ~ dan tersingkir kerana kekurangan kualiti yg dikehendaki oleh pihak swasta*;

pengetepian perihal atau perbuatan mengetepikan: *keberanian tidak bererti ~ dan pengabaian tatasusila*;

bertepi mempunyai tepi, ada tepinya: *laut ini tidak ~ nampaknya*;

bertepikan memakai tepi (birai dll): *bajunya ~ benang emas;*

menepi 1. pergi ke tepi, meminggir: *maka ~lah saya di balik pohon nyiur bersama-sama Sayid Abu;* **2.** berjalan dll mengikut tepi, menyusur (pantai dll); **3.** Mn terbit sedikit-sedikit (air mata);

menepikan membawa ke tepi;

tepi tempat mandi di tepi sungai (biasanya tohor): *sekalian barang itu pun dikumpulkannya utk dibawanya ke ~;*

~ *gelanggang* dewan tempat diadakan kegiatan kebudayaan sesuatu daerah; ~ *ilmu* orang yg banyak pengetahuannya; ~ *mata tangkai hati, kekasih.*

tepinis □ → □ **tempinis.**

tepis I; menepis mengelakkan pukulan, serangan, dsb: *dia mencuba ~ tetapi tidak berjaya; kemungkinan utk ~ tindakan tentera pihak musuh;*

menepiskan 1. menangkis pukulan (serangan dll) dgn belakang tangan: *Folley kelihatan tidak berdaya hendak menepiskan penumbuk Mohammad Ali yg pantas itu;* **2.** mengibas dgn tangan: *Wahab menepis-nepiskan habuk dr kemejanya.*

tepis II; menepis melayang (melayap dll) menyusur tanah (air dll), berjejak sedikit.

tepok Jw lapuk (kayu dinding rumah dll).

tepok (tépok) I lumpuh disebabkan oleh sesuatu penyakit (kaki, tangan): *adapun Bendahara Paduka Tuan itu telah tualah, giginya pun habis, kaki pun telah ~ .*

tepok (tépok) II Jw; *tipu* ~ Mn berbagai-bagai tipu daya.

tepos (tépos) Jk pipih dan tidak berdaging (punggung): *badannya kurus dan punggungnya ~ .*

tepu I = *penuh* ~ a) penuh sesak, padat, tumpat: *tempat habuk rokok penuh ~ dgn puntung rokok;* b) segala layar terpasang (kapal,

perahu); c) sarat atau penuh: *seorang ibu yg sentiasa ~ dgn kasih sayang.*

tepu II (Kim) keadaan sesuatu zat atau bahan apabila had keupayaan menampung sesuatu zat atau bahan lain telah tercapai;

menepukan menjadikan tepu;

ketepuan perihal (keadaan dsb) tepu;

penepuan proses (pembuatan dsb) menepukan.

tepek I 1. perbuatan menamparkan kedua-dua tapak tangan (supaya berbunyi); **2.** bunyi yg terjadi kerana menamparkan kedua-dua tapak tangan: *suara itu diiringi pula oleh ketawa dan ~ budak-budak yg ramai di situ;* **3.** pukulan yg tidak kuat dgn tapak tangan, tepak;

~ *dada* tamparan di dada; ~ *kuduk* sanjungan, puji-pujian; ~ *sorak (sorai)* tepuk tangan yg disertai dgn sorak; ~ *tari* tepuk tangan sambil menari ;

~ *berbalas, alang berjawat = alang berjawat*, ~ *berbalas* prb baik dibalas dgn baik, jahat dibalas dgn jahat; ~ *dada tanya selera* prb sesuatu pekerjaan yg akan kita lakukan hendaklah difikirkan habis-habis; ~ *nyamuk menjadi daki* prb melawan orang yg lemah itu akan memburukkan nama sahaja;

bertepuk a) ~ *tampar* bergurau, bersenda: *tidak spt selalu mereka ~ tampar dan ketawa berdekah-dekah;* b) bertepuk tangan;

~ *sebelah tangan tiada akan berbunyi* prb tidak mungkin percintaan atau perselisihan terjadi drpd satu pihak sahaja;

menepuk memukul dgn telapak tangan (tidak berapa kuat): *dia terkejut ketika isterinya ~ bahunya;*

~ *dada* a) menampar dada dgn tapak tangan; b) ki marah, memperlihatkan keberanian (kemegahan);

menepuk-nepuk menepuk beberapa kali atau berulang kali: *aku tersedar apabila dia ~ bahuku dr belakang;*

tepukan perbuatan bertepuk (menepuk).

tepuak II; ~ *lalat* sj tumbuhan (pokok), benitan putih, kecam, kelat lapis (merah, nasi-nasi, paya, putih), sekujah, *Eugenia longiflora*.

tepuak tangan tampanan kedua-dua belah telapak tangan hingga berbunyi;

bertepuk tangan mengadakan bunyi dgn menamparkan kedua-dua telapak tangan (tanda gembira, bersetuju, dll): *kanak-kanak boleh disuruh ~ tangan atau menghentakkan kaki mengikut rentak lagu.*

tepung I 1. barang yg hancur dan lumat kerana ditumbuk dll (beras, gandum, dll): ~ *jagung*; **2.** barang-barang yg sedia lumat, bubukan, serbuk: ~ *sari*;

~ *beras* tepung yg dibuat drpd beras (utk membuat kuih); ~ *berperasa* tepung yg mengandungi serbuk perasa (spt garam, rempah, daun perasa, dsb); ~ *berserbuk penaik* = ~ *naik sendiri* tepung yg mengandungi serbuk penaik; ~ *bungkus* sj kuih yg diberi berinti; ~ *cat* serbuk cat; ~ *gandum* tepung yg dibuat drpd gandum; ~ *gomak* sj kuih yg dibuat drpd tepung pulut dan tepung kacang hijau (berintikan kacang dan gula); ~ *jagung* tepung drpd jagung, digunakan utk memekatkan kuah, membuat kuih dsb; ~ *pelita* sj kuih yg dibuat drpd tepung beras serta gula dan santan yg dikukus; ~ *pulut* tepung drpd beras pulut, digunakan utk membuat kuih-muih; ~ *sagu* tepung drpd sagu; ~ *susu* serbuk susu; ~ *talam* sj kuih yg dibuat drpd tepung gandum serta gula melaka dan santan (dimasak di dlm bokor); ~ *torak* sj kuih drpd tepung beras, santan dan gula, diberi perasa pandan dsb; ~ *ubi (kanji)* tepung yg dibuat drpd ubi kayu; ~ *nya ia mahu, kuihnya pun ia mahu* prb hal orang yg tamak, diberi sedikit hendak banyak, diberi banyak hendak semua;

menepung menumbuk atau mengisar (biji-bijian dll lumat-lumat) supaya menjadi tepung: ~ *beras (jagung); (spt hendak) ~ tiada berberas* prb a) pekerjaan yg dibuat dgn tiada cukup syarat, jaranglah boleh menjadi sempurna; b) cakap sahaja besar, hasilnya sedikit pun tidak ada;

tepung-tepungan bermacam-macam jenis tepung: *yg termasuk dlm makanan pemberi tenaga ialah beras, jagung, ~, dll.*

tepung II Mn; menepung menggoch, memukul.

tepung tawar tepung beras yg bercampur dgn air dan daun setawar (utk menjampi dll);

menepung tawar membaca jampi utk mengubati penyakit dll dgn tepung tawar, menaburkan atau merenjis dgn tepung tawar: *istiadat ~;*

menepungtawari menjampi (penyakit dll) dgn tepung tawar, menaburkan atau merenjis tepung tawar pd seseorang atau sesuatu: *mudin pun segeralah meramas limau ditepungtawarilah, dibedak, dilimau dan dimandikan akan Awang Sulung.*

tepur I Kl; menepur menggemburkan tanah.

tepur II; menepur duduk sahaja di rumah (tidak ke mana-mana).

tepus I sj tumbuhan (herba), lampoyang, lempoyang, Zingiber aromaticum;

~ *belalih* sj tumbuhan (herba), *Languas spp.*; ~ *halia puar* = ~ *tanah* = ~ *tunduk* sj tumbuhan (herba), cadak, tepai, *Zingiber spectabile*; ~ *hinggap* = ~ *lada* = ~ *terbang* sj tumbuhan (pokok menumpang), ubat cacing, *Hedychium longecornutum*; ~ *huma* = ~ *kecil* = ~ *merah* sj tumbuhan (herba), bolai bukit, puar temu, *Zingiber griffithii*; ~ *kijai* sj tumbuhan (herba), puar mengkang, *Languas raffesiana*; ~ *merah* sj tumbuhan (herba), puar gajah, puar hijau, puar hutan, *Amomum uliginosim*.

tepus II; *bijih* ~ bijih timah yg berwarna keputih-putihan.

ter (tér) I IB; **1.** = *minyak* ~ barang cair berwarna hitam yg diperoleh drpd arang batu dll (utk mengecat rumah dll), belangkin, tar; **2.** bp asphalt;

diter dicat (dilapis) dgn ter.

ter (tér) II IB tambahan kpd sesuatu fasal selepas seksyen (dlm undang-undang dll), seksyen kecil.

tera I 1. tanda atau cap yg dicapkan (dgn lak, timah, dll) pd surat-surat penting dll; **2.** rakaman yg dibuat dgn cap; **3.** = *cap* ~ cap kerajaan, cap kempa, cap mohor, meterai; **4.** tanda yg menentukan ukuran atau sukatan pd sesuatu alat (dacing dll), tanda uji; **5.** alat utk mengecap (mencetak dll);

menera 1. membubuh tera, mengecap; **2.** membubuh tanda uji (pd alat takaran, timbangan, dll); **3.** mengecap (buku), mencetak: *buku ini ditera utk pertama kali pd tahun 1610*;

menerakan 1. mengecapkan, mencetakkan; **2.** meneladani gambar dll (dgn meniru gambar yg asal dll), menekap: *benda itu hendaklah diterakan sebesar saiznya yg sebenar*;

tertera 1. sudah ditera (dicap), tercap, tercatat, tercetak: *spt yg ~ dlm rajah 22*; **2.** tersebut: *asal ~ dlm hadis yg sahih, mereka terimalah*;

teraan 1. sesuatu yg ditera, cap-capan, cetakan; **2.** cap;

perteraan percetakan.

tera II Kd 1. sementara; **2.** cukup setakat itu.

tera III Tr menggulung benang tenun ke pedati: ~ *perlahan-lahan supaya tidak putus*.

tera (téra) Kd, Pl pandai, bijak.

terabait (térabait) **1.** jumlah bait sebanyak 2^{40} ; **2.** unit yg digunakan utk menyatakan kemampuan storan pukal, spt cakera optik, yg berada dlm lingkungan trilion bait.

teracak Id kuku lembu (kuda dll).

terada I Jk tidak ada, tiada.

terada II sj tumbuhan (pokok).

teradang sj tumbuhan (pokok), perupuk, ruku-ruku, *Lapisanthes cuneata*.

teraflops (téraflops) (Komp) unit utk mengukur kepantasan pemprosesan yg digunakan utk menyatakan jumlah pengendalian titik terapung per saat dlm lingkungan trilion.

teraha Kl halangan, galangan, gangguan, rintangan.

terai bp mencuba, menguji, merasai.

terajam sj tumbuhan (pokok), arang para, kelat jantan, kelat layu hutan (laut), kelayu, menterajam, mentajam, rambut hutan, *Erioglossum rubiginosum*.

terajang tendangan (ke bawah atau ke depan) dgn tapak kaki: *dgn sekali ~ sahaja orang itu pun jatuh tersungkur; ~ tumit menghentakkan tumit ke tanah;*

menerajang 1. menendang (ke bawah atau ke depan) dgn tapak kaki: *kaki kanannya ~ lelaki itu;* **2.** ki mengetepikan, mengesampingkan: *tetapi apabila datang seorang yg berdarjat, apabila datang orang yg lebih berharta aku diterajangnya;*

menerajangkan menendangkan, menyepakkan, mendepakkan: *maka anjing perburuan itu pun diterajangkan oleh pelanduk putih, jatuh ke air.*

teraju 1. sj alat penimbang yg memakai dua buah piring yg digantungkan pd lengannya, neraca; **2.** tali utk merentangkan (meregangkan) khemah, tali (rantai) utk menggantung lampu dll; **3.** tali yg

diikatkan pd rangka layang-layang (dr atas ke bawah); **4.** ki kuasa tertinggi, pucuk pimpinan;

~ *pemerintahan* kuasa yg tertinggi dlm pemerintahan; ~ *pimpinan* pucuk pimpinan (pimpinan yg tertinggi);

~ *palingan tali, manusia palingan Tuhan* prb perihal hati yg cenderung kpd kebaikan; ~ *yg tak palingan* prb hukuman yg adil (saksama);

menerajui memegang teraju pimpinan, memimpin, mengetuai, mengendalikan: *usia yg muda itu dirasakan belum cukup utk ~ sebuah organisasi yg besar dan penting; empat orang yg telah ~ pimpinan pentadbiran Malaysia selama ini adalah orang-orang yg ~ pimpinan Barisan Nasional;*

peneraju orang yg memegang teraju pimpinan.

terak I 1. tahi bijih, sanga; **2.** = ~ *dapur* sisa bara api.

terak II **ark** tempat ayam bertelur, sangkar (sangkak) ayam, petarangan.

terak III penuh sangat (air dll);

berterak-terak, berterak-terakan berasak-asak (kerana penuh dll), berdesak-desak: *mereka ~ menghampiri dinding istana utk melihat pertarungan antara dua hulubalang yg terbilang itu;*

menerak mengasak atau mendesak (supaya lulus).

terakup sj burung, burung bubut, *Centropus sinensis*.

teral; **meneral** sl memaksa-maksa supaya berbuat sesuatu, memberangsangkan (supaya bekerja), mendesak, mendorong, menggiatkan: *mandur itu ~ kuli-kulinya bekerja.*

terala sl luhur, Maha Tinggi, Maha Mulia: *Tuhan yg ~ .*

teralak; *silat* ~ sj silat (pencak); **terlak.**

terali IB **1.** jerjak, kisi-kisi; **2.** pagar atau langkan (pd beranda, jambatan, dll) yg berkisi-kisi; **3.** pagar pd tepi kapal: *tangannya menggenggam dgn kuat besi bulat ~ itu;*

berterali ada teralinya: *sepanjang asrama itu ada serambi muka, lebih kurang dua meter lebarnya dan ~ pinggirnya;*

berteralikan mempunyai sesuatu sbg terali, memakai terali.

teraling I; *burung ~ sj burung, burung nuri, burung tanak, pialing, serindit gajah, Psittinus cyanurus.*

teraling II 1. sj tumbuhan (pokok), mekedi, *Engelhardtia nudiflora*; **2.** sj tumbuhan (pokok), bolian, kepur, lemak itik, melima, mengkulang, merbaju (membaju), selima, siku keluang, *Tarrietia simpliciflora.*

terambu ark tambo.

terampil cekap (dlm melaksanakan sesuatu, menyelesaikan masalah, dsb), mampu dan cekatan;

menerampikan menjadikan terampil: *kita harus berusaha utk ~ diri terutamanya dlm bidang tugas yg kita tangani;*

keterampilan kecekapan, kemampuan (yg tinggi);

berketerampilan berupaya menjalankan tugas dsb dgn cekap: *beliau adalah antara wanita yg ~ di negara ini yg boleh dibanggakan.*

teran; **meneran** menahan nafas dan menekan (ketika hendak buang air besar atau bersalin dll), merejan, mencejan;

peneranan perihal atau perbuatan meneran: *posisi begini memudahkan ~ ketika hendak bersalin.*

teranak ark ternak.

teranas ark tanah yg keras di dasar laut.

terang 1. keadaan (cahaya atau sinar) yg menyebabkan sesuatu atau keadaan sekilas boleh dilihat: *tidak akan sama ~ lampu dgn ~ matahari;* **2.** tidak gelap (bkn tempat, keadaan sekitar, cahaya, dsb), tidak kelam, tidak muram, tidak suram, cerah: *jangka suhu doktor bolehlah dikeluarkan dr mulut dan dilihat di tempat ~;* **3.** siang (hari), lwn malam: *setelah hari ~, mereka pun berangkat*

meneruskan perjalanan mereka; 4. bersih kerana (sudah) ditebasi atau ditebangi (kawasan semak samun dll): pagi esoknya pergilah pula mereka ke dlm hutan, tiba-tiba didapati mereka tempat itu ~ lawas; 5. tidak diselaputi awan (langit), bersih, jernih (langit, udara): malam itu nyaman sekali, angin mendesir perlahan-lahan, langit pun ~, bintang-bintang berkerlipan; 6. tidak terlindung sedikit pun (pemandangan), nyata (pandangan, pendengaran, pelihatan), jelas: pd waktu malam terdengar juga bunyi ledakan meriam, kadang-kadang bunyi itu jelas dan ~; 7. tidak kabur (pelihatan, pandangan), jelas: monyet dan manusia ialah binatang yg besar sekali otaknya dan yg ~ sekali pelihatannya; 8. tidak dapat diragukan atau disangsikan lagi, sudah terbukti (kebenarannya dll), sudah ketahuan, sudah nyata (benar): sudah ~ sekarang siapa yg benar dan siapa yg bersalah; 9. jelas (kata-katanya, maksudnya, dll), nyata (benar): ceramah pendek yg diberikan oleh Amran pagi itu sangat ~ dan bernas; sebutan bahasanya ~ dan tepat;

~ akal tajam akal, cerdas, pandai; ~-benderang terang sekali; ~ bulan a) cahaya drpd bulan (pd waktu malam); b) = ~ hari Mn = bulan ~ tidak gelap pd malam hari kerana ada bulan; ~ cuaca cuaca yg baik (tidak redup atau mendung); ~ hati = ~ fikiran mudah mengerti (belajar); ~ tanah pagi-pagi hari ketika tanah mulai kelihatan (lebih kurang pukul 5.30 - 6.00 pagi); ~-temaram (-temarang) terang sekali, terang-benderang; ~ terbang lalat pagi hari (lebih kurang pukul 6.00 - 6.30 pagi), ~ terus dapat dilalui cahaya, bening (kaca dll);

terang-terang tidak berselindung (terlindung) lagi, nyata (jelas) sekali, ketara (sesuatu perbuatan): *bukan sedikit pula orang*

kampung itu yg ~ hendak mengambil Zainal menjadi menantu mereka;

~ gelap = ~ laras agak terang sedikit (hari) tetapi belum terang betul; *~ kain Mn* a) belum terang betul; b) belum mengerti benar;

berterang-terang, berterang-terangan tidak bersembunyi-sembunyi (melakukan sesuatu), (berbuat sesuatu) dgn terus terang: *tidak seorang juga yg berani menunjukkan kemarahan mereka ~ ;*

menerang menjadi terang;

menerangi 1. memberi terang kpd (bkn lampu, pelita, bulan, dll), menyulahi: *lampu minyak itu ~ biliknya; 2.* ki memberi terang pd hati (fikiran, perkara, dll), menunjuki: *Tuhan akan ~ hati segala manusia; 3.* membersihkan kawasan (drpd semak samun dll), menyangi: *pd suatu masa nanti, bahagian-bahagian itu akan diterangi utk kegunaan pertanian; 4.* Mn mencari keterangan (bukti dll) supaya jelas, menentui: *beliau datang cuma utk ~ perkara itu sahaja;*

menerangkan 1. menjadikan terang (pelihatan, pendengaran, dll): *puas sudah ia berubat ke sana ke mari utk ~ matanya yg kabur, tetapi tidak juga berjaya; 2.* menjadikan terang, menghuraikan (menceritakan dll) supaya terang, memberi keterangan, menjelaskan: *Ramlan cuba ~ kemusykilan neneknya; 3.* memberitahu tentang sesuatu (supaya diketahui seseorang atau orang ramai), memaklumkan, menyatakan: *PM telah ~ mengapa perubahan-perubahan kerajaan yg berlaku di Afrika tidak berlaku di Malaysia; 4.* menentukan (apa yg patut dilakukan dll), menetapkan, menegaskan: *peraturan undang-undang itu ~ bagaimana orang ramai patut menghantar butir-butir atau kira-kira pendapatannya; 5.* menunjukkan (menandakan,

membuktikan) bahawa: *kita tidak mempunyai bukti yg cukup utk ~ bahawa orang yg dituduh itu betul-betul bersalah;*

terang-terangan berterang-terang: *kalau mereka cuba mengganggu hamba dgn ~, hamba tahu pula membalasnya;*

keterangan 1. huraian utk menerangkan sesuatu, penjelasan: *semua ~ guru itu didengar oleh Nurshahid dgn tenang;* **2.** hal yg menjadikan sesuatu perkara dll terang atau jelas, alasan, bukti, tanda: *dlm tempoh yg ada pd kami, telah kami usahakan sedaya upaya utk mendapatkan ~ yg difikirkan perlu;* **3.** Id kata atau kelompok kata yg menerangkan kata yg lain;

penerangan 1. alat dll yg digunakan utk menerangi (lampu dll); **2.** perihal menerangi atau menerangkan, perbuatan memberi terang kpd (lampu dll); **3.** perihal menerangkan (menjelaskan), penjelasan: *~nya padat, alasan-alasannya jitu bilamana memperkatakan soal politik;* **4.** pekerjaan (jawatan dll) yg memberi penjelasan dll: *Pak Wir dianggap tenaga ahli yg masih sangat diperlukan dlm bidang ~;*

penerang sesuatu yg menerangi (menerangkan); *~ hati jampi dll yg menerangi hati.*

terangkera (terangkéra) (Portugis) benteng.

terangkik NS tabung buluh tempat menadah nira dll, perian.

terantai sj tumbuhan (pokok), geronggang semut, kedondong kerut, kerantai (merah), surian, *Santiria laevigata*.

terap I sj tumbuhan (pokok yg kulitnya boleh dibuat tali, cawat, dll), *Artocarpus elasticus*; *getah ~* getah drpd pokok terap (utk menangkap burung);

menerap menggetah burung.

terap II ark ; **berterap** berukir;

teterapan sarung keris yg dilapis dgn emas atau ditatah dgn permata: ~ *keris*; *keris* ~ keris yg beralur panjang di tengah-tengah bilahnya;

berteterapan bertatahkan permata.

terap III Jh acuan kuih;

menerap membuat kuih dgn menggunakan terap.

terap IV; *juru*~ tukang yg memasang atau membaiki jentera (kereta dll), jurusawat, mekanik;

berterap berukir;

menerap 1. mengikat atau memasang permata pd cincin (keris dll), mengikat permata pd tempat ikatannya; **2.** mengikat bata dll (utk lantai, dinding); **3.** memasang enjin (mesin dll);

menerapkan mempraktikkan, mengenakan pd, menyerapkan (memasukkan) ke dlm: *gerakan koperasi sepatutnya ~ nilai-nilai dan falsafah Islam sebagai satu cara hidup serta menghayatinya; utk ~ keenam-enam aspek ini ke dlm sistem pendidikan, kita memerlukan satu penggubalan dan pentakrifan yg menyeluruh;*

terterap (telah) diterapkan (dipraktikkan, diserapkan dsb): *konsep pendidikan seumur hidup sudah ~ ke dlm minda masyarakat kita; di sebalik peristiwa itu, ~ unsur pemikiran, falsafah dan nafas keislaman yg menjadi pegangannya;*

terapan 1. keris yg bilahnya berlekuk panjang pd bahagian tengahnya; **2.** penyalut pd sarung keris (drpd emas, perak, dll), penduk-penduk; **3.** (sesuatu) yg lain dipraktikkan, (sesuatu) yg digunakan atau dikenakan pd sesuatu lain, aplikasi: *institusi perguruan mengadakan kursus linguistik asas dgn tumpuan pd tatabahasa ~ utk memberi pendekatan kpd pelatih tentang aspek-aspek asas dlm ilmu bahasa; leksikografi merupakan cabang ilmu linguistik ~;*

keterterapan perihal (keadaan atau sifat) dapat diterapkan;

penerapan 1. perihal (perbuatan dsb) menerap atau memasang (enjin dll), pemasangan (enjin dll); **2.** perihal (perbuatan dsb) menerapkan (mengenakan pd, menyerapkan, dsb), perbuatan dsb mempraktikkan: ~ *nilai-nilai Islam ke dlm undang-undang dan pentadbiran negara; ~ corak pendidikan drpd masyarakat lain ke dlm sesuatu masyarakat yg berlainan kebudayaan dan aspirasinya hanya akan menimbulkan kekacauan;*

penerap 1. orang yg kerjanya menerap (bata, permata dsb): *kita telah agak biasa dgn pekerja am mis seorang ~ bata;* **2.** orang yg menerapkan sesuatu (nilai, ilmu dsb): *kita juga harus bertindak sbg ~ nilai-nilai yg murni dlm kehidupan keluarga dan masyarakat;* **3.** alat utk menerap sesuatu (bata dsb): *alat ~ bata.*

terap (térap) Kl, Tr mengemas dan menyusun (pinggan, periuk, dll): *tolong ~ baik-baik sikit.*

terapai sj tumbuhan (pokok renek), kenapih, terapih, *Glycosmis pentaphylla.*

terapeutik (térapéutik) **1.** bkn rawatan penyakit: *pendekatan ~;* **2.** bkn sesuatu (aktiviti, udara, dll) yg membantu menenangkan fikiran seseorang: *senaman ~ memberi ketenangan;* **3.** cabang perubatan yg berkaitan dgn rawatan penyakit.

terapi sj tumbuhan (pokok renek), nerapi, *Glycosmis puberula.*

terapi (térap) rawatan sesuatu penyakit fizikal atau mental secara proses pemulihan tanpa penggunaan ubat atau pembedahan; ~ *pekerjaan aktiviti fizikal atau mental yg dilakukan utk membantu merawat, memulihkan atau mengatasi masalah-masalah fizikal, emosi atau sosial yg dihadapi oleh seseorang.*

teras I 1. bahagian yg keras dlm batang kayu, hati kayu: *Sanah tidak sanggup membelah batang-batang pinang itu, kulitnya sama keras*

dgn ~ kayu nangka; 2. bahagian beras dll yg sudah dibersihkan; 3. ki sesuatu yg terpenting (terutama), isi yg terpenting (terbaik), sesuatu yg menjadi asas atau dasar (bagi sesuatu), intisari: pantunlah yg menjadi ~ puisi Melayu lama dlm kesusasteraan Melayu; orang-orang ini yg akan menjadi ~ negara; orang-orang Jepun tidak pernah lupa pd ~ sebenar kemajuan, iaitu membaca; ~ bumi bahagian tengah bumi yg cair;

~ terhunjam, gubal melayang, bertinting bertampi ~, gubal melayang ~ tinggal prb orang bangsawan akan lebih dimuliakan walaupun tidak berharta; meskipun tertimbun dlm tanah, namun ~ timbul juga prb orang yg berbudi baik itu sekalipun dlm keadaan melarat akan tetap berbudi dan berhati mulia; bertemu ~ dgn beliungnya prb dua orang yg berselisih dan sama-sama tidak mahu mengalah;

berteras mempunyai (ada) terasnya: *tumbuh-tumbuhan herba tidak ~; ~ ke dlm orang yg tidak kelihatan kekayaan atau kecerdikannya; ~ ke rusuk orang yg dikuasai oleh kaum keluarganya;*

~ keluar bagai pimping prb tampak di luar sahaja bagus (kaya dll) tetapi sebenarnya melarat; di manakah ~ kayu mahang prb janganlah diharapkan yg mustahil;

berteraskan ki mempunyai sbg teras (asas, dasar), berasaskan, berdasarkan: *Rasulullah telah berjaya menyatupadukan ketiga-tiga kaum itu di bawah perpaduan yg ~ agama Islam;*

menerasi menjadi teras kpd: *Islamlah yg ~ keperibadian Melayu.*

teras II Id simen yg dibuat drpd serbuk tanah yg keras (sj batu yg terjadi drpd pasir atau tanah, cadas).

teras (téras) IB teres.

terasi I Id belacan.

terasi II; ~ *manis* sj tumbuhan (pokok renek), *Glochidon rubrum*.

terasul ark surat-menyurat; *ilmu* ~ ilmu mengenai surat-menyurat; *kitab*
~ kitab yg mengandung peraturan surat-menyurat.

terat Kd sempadan, batasan, perenggan; *batu* ~ batu sempadan.

teratai I sj tumbuhan (rizom dan bunganya), bunga padam, bunga telepok, padema, seroja, *Nelumbium nelumbo*; ~ *kecil* sj tumbuhan (rizom dan bunganya), kelipuk, seroja biru, telepok, tunjung biru, *Nymphaea stellata*.

teratai II; *burung* ~ *besar* sj burung, *Hydrophasianus chirurgus*; *burung*
~ *kecil* sj burung, *Metopidius indicus*.

teratak 1. sj rumah kecil di sawah dll (utk tempat tinggal sementara), dangau, gubuk: *di situ mereka membuat ~ utk tempat kediamannya*; **2.** rumah (utk merendahkan diri): *tuanku, di ~ patik inilah tuan puteri ketujuh-tujuh beradik itu bermain*; **3.** Jw atap tepas yg diberi bertiang (utk tempat berteduh); **4.** dusun kecil (didiami oleh beberapa keluarga sahaja);

meneratak ark mendirikan teratak.

teratologi (tératologi) kajian tentang perkembangan embrio yg tidak normal dan kecacatan kongenital.

teratu ark sl penganiayaan, penyiksaan; *tempat* ~ tempat menyiksa orang.

terau; **menerau** ark mengambil benang drpd gelendong lalu dipasangkan pd peleting.

terawang tenunan atau tekat yg berlubang-lubang, kerawang;

berterawang 1. berlubang-lubang, bertembuk-tembuk; **2.** berkerawang;

menerawang 1. membuat lubang-lubang kecil pd (kain dll), melubangi, menembuk, menembus; **2.** membuat kerawang (pd baju dll), mengerawang: *kain putih yg diterawang dgn*

bunga yg indah-indah; **3.** termenung-menung memikirkan (menganan-angankan) sesuatu, melayang jauh (fikirannya), mengkhayal: *tertidur juga dia setelah beberapa lama ~ di gelap malam itu; kenangannya ~ ke masa yg lampau*; **4.** ki memandang jauh-jauh (tanpa tujuan tertentu), memandang kosong: *berjam-jam lamanya aku ~ langit dr jendela melihat burung-burung*;
~ *khayal* memikirkan yg bukan-bukan, melamun; ~ *langit (udara)*
= ~ *langit mengukir jagat* menganan-angankan yg bukan-bukan, menggantang asap;

penerawang orang yg suka menerawang.

terawih → **tarawih**.

terazo bahan lantai (yg dibuat drpd serpihan batu, marmar dan campuran simen serta digilap) dlm bentuk kepingan.

terbak 1. sj tumbuhan (pokok), pisang-pisang, *Alphonsea elliptica*; **2.** sj tumbuhan (pokok), mengkudang, pepisang bukit, pisang-pisang batu, *Alphonsea maingayi*.

terban 1. runtuh (rumah, tanah, dll), roboh: *hampir semua permatang ~*;
2. ki rosak binasa, musnah sama sekali; ~ *bumi tempat berpijak* prb putus harapan kerana hilang tempat bergantung.

terbang I 1. melayang atau bergerak di udara dgn menggunakan sayap (tenaga jentera dll): *beberapa ekor burung layang-layang ~ di udara; sebuah helikopter ~ di atas kota*; **2.** menumpang atau naik kapal terbang: *petang itu juga beliau ~ ke Singapura*; **3.** Id mudah meruap (minyak dll), mudah kering, mudah menjadi gas: *minyak ~; zat ~*; **4.** = **berterbangan** melayang-layang di udara (debu, daun-daunan, dll), berhamburan di udara; **5.** ki berlari (bergerak dll) dgn laju, bergerak dgn cepat, melarikan diri: *kereta itu ~ bukan main laju; pencuri itu sudah ~*; **6.** ki hilang lenyap, hilang milik, musnah: *tengok harta kita yg tinggal tiga relung ~ waktu Hamdan*

di Sekolah Melayu; 7. ki melayang-layang ke mana-mana (fikiran), menerawang: *semua fikirannya sudah ~ pd orang yg bakal ditemuinya;*

~ *arwah (semangat)* a) pengsan; b) hilang ingatan, sangat terperanjat; ~ *darahnya* sangat terkejut; ~ *fikiran* hilang fikiran; ~ *lalat (langau)* pagi-pagi hari (lebih kurang pukul 6.00-6.30); ~ *bertumpu, hinggap mencekam* prb jika merantau hendaklah mencari kaum keluarganya (karib-baitnya);

berterbangan 1. terbang ke merata-rata tempat, terbang banyak-banyak: *unggas ~ dr suatu dahan ke dahan yg lain serta bersiul-siul mencari makanan;* **2.** berhamburan (bertaburan) di udara, melayang-layang di udara (debu dll): *debu di jalan raya ~ ke udara apabila dihembus angin;*

menerbangi terbang melalui (menempuh), berpergian dgn kapal terbang di;

menerbangkan 1. membiarkan terbang, melepaskan terbang: *beberapa ekor merpati telah diterbangkan utk memulakan perayaan tersebut;* **2.** membawa terbang (angin, burung, dll): *biji buah ini amat kecil dan ringan, maka mudah diterbangkan oleh angin;* **3.** membawa (mengangkut) dgn kapal terbang, memandu (mengemudikan) kapal terbang: *askar-askar yg tercedera dlm pertempuran itu telah diterbangkan ke rumah sakit Kuching utk mendapatkan rawatan cemas;* **4.** ki melarikan wang dll, melarikan diri: *orang yg ~ wang syarikat itu telah dihukum;*

penerbangan 1. perihal terbang (menerbangi, menerbangkan); **2.** perjalanan dgn kapal terbang, lalu lintas kapal terbang: *semua ~ dlm negeri telah dibatalkan;* **3.** segala yg berkaitan dgn lalu lintas udara;

~ *awam* = ~ *sipil* Id urusan penerbangan utk keperluan orang awam (bukan utk tentera); *ilmu* ~ pengetahuan atau kepandaian dlm hal terbang (dgn kapal terbang);

penerbang orang yg menerbangkan kapal terbang, jurumudi kapal terbang, juruterbang.

terbang II *Jw rebana.*

terbang III; *ikan* ~ sj ikan laut, *Exocoetidae*.

terbis 1. ark runtuh (lereng gunung, tepi jurang, dll), roboh, terban; **2.** ark lereng gunung (jurang dll), tambak pd tebing parit dll.

terbit 1. keluar dr permukaan (air dll), keluar dr tempat terlindung (bulan, matahari, dll), muncul, timbul: *bulan sudah ~* ; *sebelah matahari* ~ sebelah timur; **2.** terbangkit (perasaan hati, fikiran, dll), lahir, timbul; *dlm hatinya* ~ *keinginan utk memilih antara dua orang pemuda itu mana yg lebih baik dan sesuai dgn hatinya*; **3.** siap dicetak dan diedarkan (buku, majalah, dll), tersiar (berita, makalah, dll): *~nya kedua-dua antologi ini merupakan satu kemajuan besar*; **4.** keluar memancar (air, cahaya, dll), keluar (peluh, air mata, dll): *air yg ~ drpd mata air biasanya jernih*; **5.** keluar (dr rumah, persembunyian, dll): *setelah pintu terbuka dia pun ~lah*; **6.** tumbuh atau keluar drpd: *sehelai rambut atau bulu ~ drpd satu liang yg halus di dlm kulit itu*; **7.** berpunca atau bermula drpd: *kebakaran itu ~ drpd puntung rokok yg dibuang dlm bakul sampah*;

menerbitkan 1. menimbulkan (pertikaian, perkelahian, dll), membangkitkan (perasaan dll): *kelakuannya yg tidak senonoh ~ kemarahan orang tuanya*; **2.** mendatangkan (bahaya, kerugian, penyakit, dll): *kelengahan akan ~ kerugian kpd perusahaan itu*; **3.** mengeluarkan dan mengedarkan (buku, majalah, dll): *sebelum Marsden belum ada usaha utk ~ teks drpd naskhah Melayu lama*

secara ilmiah; **4.** mengeluarkan (tenaga dll): *benda-benda hidup menggunakan makanan utk ~ tenaga dan membina badan atau pohannya*; **5.** mengeluarkan (wang): *jikalau boleh kiranya tolong tuanku terbitkan rial itu*; **6.** menghasilkan sesuatu, mengadakan, mengeluarkan, mewujudkan (bunyi dll);

terbitan 1. sesuatu yg terbit (diterbitkan), keluaran (buku, majalah, dll): *akhbar berkala Melayu ~ sebelum perang*; *~ berkala* keluaran (majalah) yg diterbitkan berulang-ulang pd waktu yg tertentu; *kata ~ kata* yg memakai imbuhan; **2.** (Eko) tawaran sekuriti, saham dsb utk dijual kpd pelabur;

~ awam tawaran saham sesebuah syarikat kpd orang ramai utk tujuan mendapat penyenaian di bursa saham; *~ baru* tawaran terbitan saham yg baru kpd orang awam; *~ bonus* terbitan saham baru oleh sesebuah syarikat yg diberikan percuma kpd pemegang saham yg sedia ada; *~ hak* tawaran terbitan saham biasa baru syarikat kpd pemegang saham yg sedia ada utk membeli saham tersebut sebelum tawaran saham dibuat kpd awam;

penerbitan 1. perihal (perbuatan dll) menerbitkan: *dua pola ~ kata yg tidak produktif*; *~ asas ayat*; **2.** urusan atau pekerjaan menerbitkan (majalah dll): *pihak berkuasa telah mengharamkan ~ kedua-dua buah novel tersebut*;

penerbit (orang, syarikat, dll) yg menerbitkan buku dll: *semasa di sana banyak juga ia menulis utk beberapa ~ di Tanah Melayu.*

terbium (Kim) sj unsur logam.

terbui terbul.

terbul sj ikan darat, *Osteochilus hasselti*.

terbus → **tarbus**.

terbut sj paku atau pasak yg besar (utk membuat kapal), baut yg besar.

teremal sj tumbuhan (pokok), kayu jeremal, mata peregam, pendarah paya, *Horsfieldia subglobosa*; **termal**.

terember (terémbér) Kl; **berterember** bergantung, bergayutan.

terembesi sj tumbuhan (pokok renek), senu, tutup awu, *Pipturus nicanus*.

terenang sj kendi air yg bertutup (dibuat drpd tanah liat).

terendak (teréndak) I sj penutup kepala atau tudung yg lebar tepinya (dibuat drpd anyaman buluh, rotan, dll): *sebentar-sebentar dia membuang ~ yg menutupi kepalanya dan mengesat-ngesat peluh yg membasahi dahinya*; ~ *Bentan* = ~ *Melayu* terendak yg merunjung ke atas (spt bentuk kerucut); ~ *Cina* terendak yg merunjung ke atas dan lentik tepinya; ~ *lampu* tudung lampu.

terendak (teréndak) II; *siput* ~ sj siput, *Xenophora solaris*.

Terengganu negeri di tenggara Semenanjung, keluasan 13 080 km², Kuala Terengganu sbg ibu negeri, Darul Iman.

terengkek (teréngkék) terangkik.

terentang I sj tumbuhan (pokok), napan, serentang, *Camnosperma auriculata*; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok), cincang, cungkil, kabau, semincang, *Allophylus glaber*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok), *Camnosperma minor*; ~ *manuk* sj tumbuhan (pokok), bentangur otak udang, berjagung, habung ayam, katak (keretak) udang, medang ampas (udang), pauh pipit, pokok seudang, rengas ayam (pasir), sempedu burung, sumpah biawak (tupai), *Buchanania sessilifolia*; ~ *tikus* sj tumbuhan (pokok), katak (ketak) udang, otak udang, pauh pipit, puan, *Buchanania lucida*.

terentang II direntangkan; → □ **rentang**.

teres (térés) 1. kawasan tanah datar yg ketinggian dan bertingkat-tingkat (biasanya ditumbuhi rumput, utk bercucuk tanam, dll), tebing atau

pantai yg ketinggian (di sepanjang pantai, sungai); **2.** tanah dll yg ditinggikan di depan rumah;

meneres membuat teres: *hanya empat belas peratus sahaja negeri Jepun yg boleh ditanam, termasuklah tepi bukit yg diteres.*

teret (térét) ark; **berteret-teret** berderet-deret; □ → □ **deret**.

teretet (terétét) bunyi spt bunyi trompet (mesingan dll).

terhal terhalang (kerana sesuatu rintangan), terhenti, tertahan; □ → □ **hal**

I.

teri I 1. sj ikan laut, *Stolephorus spp.*; **2.** sj ikan laut, *Eugraulis tri*.

teri II Jh tera.

teriak 1. teriakan; **2.** Kd, Kl tangis;

berteriak 1. berseru (memanggil dll) dgn suara yg keras dan nyaring, melaung, memekik: *maka ~lah kawan bertanya, 'Perahu dr mana ini?'*; **2.** Kd, Kl bp menangis;

meneriak memanggil (menyeru, melaung) dgn suara yg keras dan nyaring: *tiada berapa lama sampailah ia ke rumahnya, lalu Pak Pandir ~ Mak Andeh;*

meneriaki ark memanggil dgn berteriak;

meneriakkan 1. menyerukan sesuatu dgn suara yg keras dan nyaring, melaungkan, memekikkan: *budak-budak berlarian ke kampung dan ke rumah ~ Nor sudah bebas*; **2.** menyerukan atau menawarkan (dgn berteriak): *kedengaran suara penjaja itu ~ barang-barang dagangannya*; **3.** = **meneriak-neriakkan** menggembar-gemburkan (sesuatu fahaman dll), melaung-laungkan, mempropagandakan: *semboyan yg diteriakkan dan ditulis oleh kaum Nazir terdapat di mana-mana;*

teriakan seruan dgn suara yg keras dan nyaring (utk memanggil, menarik perhatian, dll), jeritan, laungan, pekikan.

teriang Pr buah-buahan yg masih tinggal di pohon (pd penghujung musim).

teriba; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek utk ubat kurap), *Rhinacanthus nasutus*.

terigu **1.** biji-bijian yg boleh dimakan, gandum; **2.** = *tepung* ~ tepung gandum.

terik I **1.** tidak mudah terlucut atau terbuka (ikatan), erat, kuat, teguh; **2.** sempit dan mencerut (seluar dll), ketat, sempit: *seluar yg ~*; **3.** amat sangat (panas matahari): *panas kian ~ dan kian membakar kulit kepala*; **4.** ki sukar (pekerjaan), sulit; **5.** K1 tidak kendur (tali dll), tegang, sering: *tali itu diregang dgn ~*;

menerikkan **1.** menjadikan terik (ikatan), meneguhkan, mengeratkan; **2.** menggesa (melakukan sesuatu), mengerasi, menguatkan.

terik II; *burung* ~ *canai* sj burung, burung kuning, burung kunyit-kunyit, burung nangka, kependang, setempukan, *Oriolus chinensis*.

terika ark; **menerika** menggosok dgn seterika, menyeterika; □→ □**seterika**.

teriko; *kain* ~ sj kain tenun (drpd bulu binatang atau kapas), tuit.

terima bp mendapat, memperoleh, menyambut (sesuatu): *kemudian ia hendak bayar kpd saya separuh, tiadalah saya mahu ~*; (*mengucapkan*) ~ *kasih* (mengucapkan) syukur (kerana menerima sesuatu); ~ *nasib* berserah kpd takdir sahaja; ~ *salah* mengaku akan kesalahan diri; ~ *syukur* bersyukur kpd Tuhan;

berterima ark (telah) diterima, (telah) dikabulkan; ~ *kasih* mengucapkan syukur;

menerima **1.** mengambil (mendapat, menadah, dll) sesuatu yg diberikan: *adakah Yang Dipertuan telah ~ surat dua pucuk kelmarin?*; **2.** menyambut kedatangan orang (tetamu dll): *kalau*

diketahui kami bukan orang India maka ia enggan ~ kedatangan kami; 3. = ~ baik meluluskan atau mengabulkan sesuatu permintaan (permohonan dll), menyetujui (sesuatu usul dll), membenarkan, mengesahkan: ketika dia datang meminang, ibuku tidak banyak olah utk ~nya; 4. mendapat atau menderita sesuatu (dgn berserah sahaja): ~ nasib; 5. berpendapat bahawa ..., memandang (sbg), menganggap (sbg): ia ~ jawabanku sbg penghinaan; 6. membenarkan masuk menjadi anggota (murid dll), mengizinkan (masuk dll): mereka pun diterima sbg anggota masyarakat kota itu; 7. bersetuju memegang sesuatu jawatan, mahu menjabat: beliau telah ~ tawaran utk bekerja sbg pengurus di syarikat itu; ~ panjang tangan, menghulur sekali belum prb perangai orang yg tamak hanya mahu menerima pemberian orang sahaja tetapi tidak mahu memberi;

menerimakan menyerahkan supaya diterima, memberikan;

penerimaan 1. perihal (perbuatan dsb) menerima, penyambutan: *bayaran dan ~ barang-barang yg dibeli; 2. sambutan, penilaian, penghargaan: bagaimana pendapat saudara tentang ~ rakyat kami terhadap rombongan kebudayaan saudara?; 3. keizinan (masuk dll), kebenaran: beliau meminta supaya dihentikan ~ murid-murid darjah satu; 4. sikap terhadap, anggapan terhadap, tanggapan: janganlah tuan takut dan ngeri kpd kakang dan janganlah tuan salah ~;*

penerima 1. orang atau alat yg menerima sesuatu; *pesawat ~ pesawat radio utk menangkap siaran radio; 2. mudah menangkap (ajaran dll), terang hati; 3. sentiasa berserah (kpd takdir dll).*

terima pakai; menerima pakai mengambil atau menerima sesuatu (idea, keputusan, peraturan, kaedah dsb) dan menggunakannya atau melaksanakannya utk tujuan tertentu: *tujuh buah negeri telah*

bersetuju utk ~ Enakmen Pentadbiran dan Hukum Islam; konsep tersebut turut diterima pakai oleh sektor swasta.

terimba; *titisan* ~ keturunan, salasilah, susur galur.

tering (téring) IB sj penyakit paru-paru, batuk kering.

teringkit layar persegi (di haluan perahu).

teripang I sj binatang laut yg berkerutu badannya dan berwarna coklat bertapak-tapak hitam dan biru (hidup di dlm lumpur laut, biasanya dikeringkan, dimakan utk memanaskan badan), beronok, *Holothuria edulis*;

~ *bulat* teripang yg berbentuk spt bola; ~ *panjang* teripang yg panjang bentuknya.

teripang II; *ikan* ~ sj ikan laut, *Saurus indicus*.

teris; *kertas* ~ kertas minyak utk menyalin peta dll.

terista ark sedih, dukacita.

teriti; **meneriti** ark berjalan di jalan yg sempit (di atas titian dll), meniti; □ → □ **titi**.

teritik I; **berteritik** bertitik-titik; □ → **titik I**.

teritik II (Sunda) ark sj tumbuhan (pokok), *Parinarium corymbosum*.

teritip I sj siput laut yg kecil (suka melekat pd perut perahu, tiang-tiang yg terendam di dlm air).

teritip II; *pari* ~ sj ikan laut, *Dasyatis africans*.

teriyaki (tériyaki) sj makanan Jepun drpd ikan atau daging yg diperap dgn kicap dan digril.

terjah; **menerjah 1.** datang atau masuk dgn tiba-tiba: *guru ~ ke dlm bilik darjah*; **2.** melanggar, merempuh dsb seseorang dgn kasar: *dia menerima kad kuning kerana ~ pemain lawan*; **3.** ki meniup dgn kuat: *kertas-kertas usang yg menyelimutinya melayang diterjah angin dan hilang dlm kabus*;

terjahan tindakan atau hasil menerjah: *Slovenia gagal menggugat kubu Sepanyol dan mereka hanya berharap menerusi ~ Zlatko Zahovic yg mengharapka penalti.*

terjai Pl tepat (ramalan dll).

terjal I curam yg hampir tegak lurus (lereng gunung, jurang, dll): *lereng gunung ~; jurang ~;*

keterjalian perihal terjal: *~ lereng gunung itu mengerikan.*

terjal II 1. Jh tidak tetap kedudukannya (layang-layang); **2.** ki agak kasar (kelakuannya), nakal.

terjal III Kl sama panjang (atas bawah teraju layang-layang).

terjali ark□ → □ **tajalli.**

terjang serangan, serbuan;

menerjang menyerang (musuh dll), melanggar, menyerbu;

penerjangan perihal menyerang, pelanggaran, penyerangan, penyerbuan.

terjemah; menterjemah membuat kerja-kerja terjemahan;

menterjemahkan 1. memindahkan (karangan dll) drpd suatu bahasa kpd bahasa yg lain, mengalihbahasakan: *masalah kekurangan buku dlm bahasa kebangsaan boleh diatasi dgn ~ buku-buku bahasa Inggeris;* **2.** ki membawa pengertian, mentafsirkan: *penguatkuasaan boleh diterjemahkan sbg langkah menolak perniagaan dan mengarahkan para pelabur ke pasaran lain;* **3.** menukarkan atau mengubah sesuatu kpd keadaan, bentuk dsb yg konkrit atau nyata: *segalanya akan menjadi kenyataan sekiranya kita ~ impian itu kpd pelan tindakan yg berkesan;*

terjemahan 1. hasil drpd menterjemahkan, yg (telah) diterjemahkan: *di samping cerpen asli dimuat juga cerpen ~;* **2.** cara (gaya, kaedah) menterjemah; *~ bebas cara menterjemah yg*

menunjukkan bahawa penterjemah tidak mengikuti gaya penulisan atau penyampaian penulis asal karya yg diterjemahkan;

penterjemahan perihal (kerja, usaha, dsb) menterjemahkan;

penterjemah orang yg menterjemahkan sesuatu, juruterjemah.

terjun 1. melompat dr atas ke bawah: *pencuri-pencuri itu pun ~ ke dlm sungai, lalu berenang ke seberang; air ~ air yg mengalir dan jatuh dr tempat yg tinggi; 2.* lebih rendah (jika dibandingkan dgn yg lain); **3.** menceburkan diri (dlm sesuatu lapangan), menyertai, turut serta: *beliau sudah lama ~ ke dlm gelanggang politik;*

berterjunan bersama-sama (beramai-ramai) terjun, banyak yg terjun: *setelah ia mengamuk itu ~lah orang dr balairung;*

menerjun ark terjun;

menerjuni 1. terjun ke (di), terjun utk (menggambil, menolong, dll): *lurah yg dalam telah kita terjuni dan bukit yg tinggi telah sama kita daki; 2.* ki memeriksai atau menyelidiki dgn mendalam, menyelami: *beliau cuba ~ ilmu psikologi kanak-kanak yg kurang diketahui oleh ibu bapa dan guru-guru; 3.* ki mematuhi perintah dll, mengikut; **4.** ki mengeluarkan wang utk menutup kerugian;

menerjumkan 1. membiarkan terjun, menyuruh terjun: *dia ~ anjingnya ke dlm sungai; 2.* menggugurkan (dr kapal terbang dll); **3.** merendahkan, menghinakan; ~ *diri* menceburkan diri, menyertai (sesuatu perkara), turut serta (dlm sesuatu perkara);

terjunan hasil perbuatan terjun dr kapal terbang (oleh askar) atau dr tempat yg tinggi (oleh ahli renang dsb): *kebanyakan penerjun asing menggunakan alat video bagi mengkaji setiap ~;*

keterjunan perihal ditimpa sesuatu; ~ *sawan* kena penyakit sawan;

penerjunan perihal (perbuatan dsb) menerjuni atau menerjumkan;

penerjun 1. orang yg terjun dr kapal terbang (dgn menggunakan payung terjun): ~ *memakai dua payung terjun; 2.* ahli renang yg

mengambil bahagian dlm acara terjun dr tempat yg tinggi ke dlm kolam air.

terka I dugaan, sangkaan, tebak; *salah* ~ salah duga;

menerka mengagak, menduga, menebak, mengira: *dapat kau ~ siapa saya ini?*;

terkaan terka, dugaan, tebak: *Umar tersipu-sipu kerana ~ kawannya itu tepat sekali*;

penerkaan perihal menerka;

penerka teka-teki; □ → □ **teka**.

terka II Jw; **menerka** mendakwa, menuduh, menyangka.

terkam; **menerkam 1.** melompati (utk menyerang, menangkap, dll), menerkap, menerpa: *maka panglima-panglima itu pun ~lah menangkap Dewa Perkasa itu; dgn tiba-tiba ayam jantan hitam itu ~ ayam kami lalu mematuk kepalanya bertubi-tubi*; **2.** meluru kpd, menyerbu: *anak raja tadi telah ~ datang ke pintu itu*;

terkaman 1. hasil menerkam, serangan, serbuan: *dgn mudah dia dapat mengelakkan ~ itu*; **2.** ki cengkaman, kekuasaan;

berterkaman bersama-sama menerkam, banyak yg menerkam: *ibu dan ayahnya ~ menerpa api yg cuba menjilat dinding*.

terkap I; **menerkap** menyungkupi (menudungi, menutupi) sesuatu dgn tapak tangan dll, menepak, menekup, menyerkup; → **terkup I**.

terkap II; **menerkap** menyerang dgn tiba-tiba, menerpa, menyerkap; □ → **terkup I**.

terkul sj senapang kuno yg pendek.

terkup I; **menerkup 1.** menangkap dgn sesuatu yg mungkm, memedap, menerkap, menyerkup; **2.** menyerang dgn tiba-tiba, menyerkap; **terkap I & II**.

terkup II ark; **berterkup** berlaga (biri-biri dll), bersabung: *spt biri-biri yg amat galak ~*;

memperterkupkan memperlagakan (binatang): *beberapa ekor biri-biri itu diperterkupkan orang.*

terlak ark sj silat atau pencak; *tukang* ~ a) tukang silat (pencak), pendekar; b) orang yg suka berkelahi, jagoan, samseng; □ → □ **teralak.**

terlat → **telat.**

terluh; menerluh bp **1.** (pergi) tidur; **2.** berdengkur; □ → □ **reluh.**

terma I **1.** unit ukuran haba; **2.** berkaitan dgn haba atau suhu.

terma II (Udg) **1.** peruntukan yg terkandung atau peraturan yg dikenakan dlm sesuatu kontrak: ~ *dlm perjanjian insurans itu mungkin boleh mengehendkan atau menidakkan tuntutan saudara*; **2.** perkara yg kepadanya tertakluk sesuatu keistimewaan; ~ *jawatan* (Tadb) perkara yg berkaitan dgn jawatan yg dipegang oleh seseorang, spt faedah persaraan, hak pencen, tempoh jawatan, gaji dsb.

termal sj tumbuhan (pokok); □ → **teremal.**

termasa temasya.

terminal **1.** yg merupakan batas, yg terakhir, hujung; **2.** stesen atau bahagian bangunan di lapangan terbang dll tempat penumpang tiba (pada akhir perjalanan) atau berlepas (memulakan perjalanan); **3.** pangkalan tempat barang-barang mentah dipunggah dan disimpan (dan kadang kala diproses): ~ *minyak Iran di Pulau Rharg*; **4.** alat atau pesawat komputer yg mempunyai hubungan atau talian menerima dan mengeluarkan data dgn pesawat induk komputer.

terminografi (términografi) proses merakamkan data tentang istilah yg merangkumi konsep, sistem konsep, maklumat linguistik, sumber istilah dan kemungkinan pertambahan atribut pd masa akan datang.

terminologi **1.** kajian tentang istilah; **2.** kumpulan kata khusus yg berkaitan dgn sesuatu bidang (ilmu).

termion (Fiz) elektron atau ion yg terpancar akibat aruhan haba.

termionik cabang fizik yg berkaitan dgn pemancaran elektron pd suhu yg sangat tinggi.

termodinamik kajian tentang hubungan antara haba dgn pelbagai bentuk tenaga yg lain.

termoelektrik (termoélektrik) (Fiz) menghasilkan tenaga elektrik melalui perbezaan suhu.

termogandingan (Fiz) sj alat utk menyukat suhu (yg terdiri drpd dua dawai logam yg berlainan jenis dan disambungkan pd setiap hujung).

termograf sj termometer yg boleh merakamkan suhu secara automatik dan berterusan.

termogram rakaman suhu yg dihasilkan oleh termograf.

termokimia cabang ilmu kimia yg berkaitan dgn perubahan tenaga semasa tindak balas kimia.

termokoh Kl duduk dgn menundukkan kepala (bertopang dagu).

termolisis (Kim) penguraian molekul melalui tindakan haba atau secara pemanasan.

termometer (termométer) alat penyukat suhu, jangka suhu.

termometri (termométri) kajian tentang pengukuran suhu dan penetapan ukuran suhu piawai.

termonasti (Bio) pergerakan tumbuhan yg disebabkan perubahan suhu sekitaran (mis sesetengah kelopak bunga terbuka apabila persekitaran suhu meningkat).

termonuklear (termonukléar) bkn lakuran nuklear: *perang* ~.

termoplastik (Kim) **1.** menjadi lembut dan mudah dilentur apabila dipanaskan dan mengeras semula apabila disejukkan tanpa perubahan ketara pd sifatnya (bkn bahan plastik); **2.** bahan plastik yg melembut dan mudah dilentur apabila dipanaskan dan mengeras semula apabila sejuk.

termos sj balang utk menyimpan minuman supaya tetap sejuk (panas).

termostat sj alat yg mengatur suhu secara automatik.

termoterapi (termotérapi) perawatan penyakit dgn menggunakan haba.

ternah Jh jarang ditemui (barang dll), luar biasa; *si ~ ki* orang yg memakai dgn berlebih-lebihan (mengada-ngada).

ternak 1. ark yg berasal dr, yg dilahirkan di: *mereka itu ~ Singapura; orang ~ penduduk negeri, anak negeri, bumiputera; 2. = ternakan* binatang peliharaan (kuda, lembu, kerbau, kambing, dll): *beliau gemar sekali bercucuk tanam dan memelihara ~; tukang ~ a)* orang yg memelihara binatang; b) = *tukang ~ wang* bp ceti, pelepas wang;

berternak, menternak memelihara ternak (kuda, lembu, dll): *perusahaan ~ itu dijalankan secara besar-besaran; mereka ~ binatang dan bercucuk tanam;*

menternakkan 1. memelihara supaya banyak, membiakkan ternak (lembu, ayam, dll): *mereka juga ~ lembu utk dijual; 2.* membungakan wang: *hutangnya kpd orang yg suka ~ wang telah dapat dibayar oleh Zainudin;*

penternakan perihal memelihara dan membiakkan binatang, pemeliharaan dan pembiakan binatang;

penternak orang yg menternakkan (binatang).

terobong ark cerobong.

terobos; menerobos menembus masuk (barisan musuh dll), menembusi, melantasi, merempuh: *sejalur cahaya dan angin pagi yg dingin ~ masuk lewat jendela; pd hemat saya orang Melayu sepatutnya ~ bidang perniagaan;*

penerobosan perbuatan menerobos: *prinsip inilah yg menjadi strategi Jepun utk menjayakan ~ ekonomi; tobros.*

terok (térok) ark ; **menerok** menusuk atau menikam (karung beras dll) utk mengetahui kandungannya.

teroka; meneroka **1.** membuka kawasan baru utk dijadikan kampung (sawah, ladang), membuat sawah (ladang dll) di kawasan baru: *menetaplah mereka di sana utk membuka tanah, ~ hutan belantara utk dijadikan kampung*; **2.** ki menyelidiki (utk mengetahui sesuatu, biasanya yg belum diketahui lagi), menjelajah: *perasaan ~ dan mengembara tidak hidup lagi dlm jiwa pemuda kita*; **3.** = **menerokai** menjalani, menempuh, mengharungi (bidang kegiatan dsb yg baru): *siswazah-siswazah yg mampu berdikari dan sanggup ~ bidang-bidang perniagaan*;

penerokaan perihal (perbuatan, usaha, dsb) meneroka atau menerokai: *~ dlm tema dan teknik oleh para penulis seharusnya dilakukan berdasarkan pengalaman; angkasawan-angkasawan yg dipilih utk menyertai siri ~ ke angkasa lepas terpaksa menjalani ujian terlebih dulu*;

peneroka orang yg meneroka: *~~ zaman dahulu membuka tanah dgn menggunakan kuda dan kapak sahaja.*

terolak Kd → □ **bertolak**.

teromasa sl telatah.

teromba sejarah yg diceritakan dlm bentuk perbilangan, tambo, riwayat.

teromel, teromol IB sj peti kecil drpd tin.

terompah **1.** sj alas kaki drpd belulang yg tidak disamak; **2.** = ~ kayu sj alas kaki yg dibuat drpd kayu, kasut, gamparan;

berterompah memakai atau mempunyai terompah: *kakinya ~ kayu yg menghasilkan bunyi hentakan yg kuat.*

terong (térong) Jw □ **terung** (tumbuhan).

terongko sl penjara, jel: *kalau seseorang itu bersalah besar, ia dimasukkan ke dlm ~*;

menerongkakan memasukkan ke dlm penjara, memenjarakan.

teronok sj binatang laut (spt agar-agar), ampai-ampai, ubur-ubur.

teropong 1. tabung kecil drpd buluh dll, buluh, pembuluh, torak; ~ *api* sekerat buluh utk meniup api, salung api; **2.** alat utk melihat benda yg jauh-jauh atau benda yg halus-halus, keker; ~ *asap* pembuluh tempat asap keluar, corong asap; ~ *bintang* alat utk melihat bintang, teleskop; ~ *corong* = ~ *hendap* = ~ *intip* alat utk melihat sesuatu yg di atas air (dr kapal selam dll), periskop; ~ *halus* = ~ *hama* = ~ *kuman* = ~ *tuma* alat utk melihat benda-benda halus, mikroskop; ~ *hati* ki mata; ~ *jauh* alat utk melihat benda-benda yg jauh, teleskop;

meneropong, meneropongi 1. melihat dgn teropong; **2.** ki menyelidiki, memeriksai, meneliti: *kita telah ~ apa yg telah terjadi pd bidang agama, politik dan ekonomi;*

peneropongan perbuatan meneropong;

peneropong orang yg meneropong.

terowong = terowongan gua yg dibina menembusi tanah atau bukit dll (utk dijadikan jalan keretapi dll), tembusan.

terpa; berterpaan banyak yg menyerbu (menyergap): *segala anak-anak dara yg taruhan sekaliannya ~ hendak melihat Raja Zainal;*

menerpa 1. menyerbu dan menerkam (menyerang dll): *ia ~ memeluk pinggang Cik Salmah dr belakang;* **2.** meluru masuk, berkejar: *dia ~ masuk hendak merampas kertas yg berada di tangan Rosnah;*

terpaan serbuan, sergapan: *tembakan meledak bertubi-tubi dan ~ askar Jepun dr dlm gudang sungguh-sungguh mengamatkan.*

terpal = *kain* ~ sj kain kasar dan tebal (utk kain khemah, layar, dll), kain mota.

terpas → tepas I.

terperelus Kd terbolos, tembus.

tertawa □ → □ **tawa**.

tertib **1.** peraturan yg baik dan telah ditetapkan, aturan (yg harus dipatuhi); *tata*~ peraturan-peraturan yg mesti dipatuhi; **2.** mengikut peraturan, teratur dan rapi: *segala sesuatu berjalan dgn ~*; **3.** dgn sopan santun, dgn majlis, dgn sepatutnya: *sangat ~nya barang kelakuannya*;

~ *acara* a) peraturan mengenai segala sesuatu yg bertalian dgn perbincangan dlm mesyuarat dll; b) acara, agenda; ~ *hukum* Id aturan yg berkaitan dgn undang-undang; ~ *nikah* aturan dlm nikah; ~ *sembahyang* aturan dlm sembahyang; ~ *sopan* sopan santun;

bertertib mengikut tertib, teratur, sopan: *apabila sampai ke rumah Pawang Dolah kau semua hendaklah duduk ~, bersopan santun*;

menertibkan menjadikan tertib, mengatur, merapikan: *kpd tenteralah orang kampung menoleh guna ~ hukum*;

ketertiban **1.** peraturan (dlm masyarakat dll), aturan: *atas nama ~ rumah makan ini, engkau kuusir*; **2.** = *adat* ~ kelakuan yg baik dlm pergaulan, kesopanan: *perbuatan yg kita lakukan demikian adalah melanggar ~ negara timur ini*; **3.** keadaan yg rapi, kerapian;

penertiban perihal menertibkan.

teruah **1.** sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kepawang (kepayang), kelepayang, pepayang, *Hodgsonia capniocarpa*; **2.** sj tumbuhan (pokok memanjat), *Momordica cochinchinensis*.

terubin sj alat menangkap ikan; **tubin II.**

terubuk **1.** sj ikan laut, *Clupea macrura*; **2.** sj ikan laut, *Alosa macrura*; **3.** = *telur* ~ telur ikan terubuk (biasanya dikeringkan dan diperdagangkan); ~ *padi* sj ikan laut, *Clupea sinensis*.

terubul **1.** sj tumbuhan (pokok), pecah payung (piring paya), sampu tikus, segading jantan, *Ixora crassifolia*; **2.** sj tumbuhan (pokok),

belat, jarum hutan, kayu tajam, medang ketukuh, meroyan, segading jantan, *Ixora grandifolia*.

terubung Pn, Pr sj tempat menyimpan padi yg dibuat drpd daun pandan atau kulit kayu, kerubung.

terucuk Jw pancang-pancang di laut.

terucukan Jk burung merbah.

teruk I 1. amat sangat (bkn penyakit, keadaan pesakit, dll), keras sekali, tenat: *tiba-tiba khabar buruk tiba mengatakan bapaku sakit ~*; **2.** hebat sekali (perkelahian, pukulan, dll), terlalu sangat: *kalau Hasan tidak pulang, dipukulnya Hasan sampai ~*; **3.** susah, sukar: *negeri ini sudah mengalami keganasan komunis selama dua belas tahun dan cukup ~ dibuatnya*; **4.** bp amat sangat buruknya (hodohnya, tidak baiknya, dsb sesuatu): *~ betul tulisannya*;

keterukan keadaan teruk.

teruk II bunyi spt bunyi kain robek.

terum sl perbuatan merendahkan badan dgn berlutut (gajah dll), derung, derum;

menerumkan menyuruh merendahkan badan dgn berlutut (gajah dll), menderungkan, menderumkan: *gajah itu diterumkan oranglah di hadapan balai*.

terumbu permatang batu atau pasir yg terdapat di bawah atau di atas permukaan laut; *~ karang* terumbu yg terjadi drpd batu karang (biasanya kelihatan ketika air surut dan boleh membahayakan kapal).

terumbuh sj tumbuhan (pokok memanjat), *Marsdenia thyrsoflora*.

teruna 1. sl anak laki-laki yg masih muda, pemuda, belia: *kasih sayang antara ~ dan dara*; *anak ~ = muda ~* anak muda, pemuda, muda belia; **2.** Id pelajar sekolah tentera, kadet.

terung I sj tumbuhan (pokok renek dan herba yg buahnya boleh dimakan); ~ *asam* sj terung, *Solanum ferox*; ~ *bali* sj terung, *Solanum lyphopesicum*; ~ *belanda* = ~ *asam hutan* = ~ *kapal* = ~ *perat* = ~ *piat* = ~ *pusat* = ~ *puyuh* sj terung, *Solanum aculeatissimum*; ~ *biru* = ~ *cina* = ~ *hijau* = ~ *manis* = ~ *ungu* sj terung, *Solanum melongena*; ~ *hitam* = ~ *meranti* sj terung, *Solanum nigrum*; ~ *pipit* sj terung, *Solanum sarmentosum*; ~ *pipit putih* = ~ *raya wang* = ~ *rembang* sj terung, *Solanum torvum*; *laksana* ~ *bertunang ikan kering* prb perihal dua benda yg sangat sesuai; *tua-tua* ~ *asam* prb orang tua yg tingkah lakunya spt orang muda.

terung II Kd; *harimau* ~ *kasau* sj harimau, *Felis tigris*.

teruntum sj tumbuhan (pokok renek), kuku lang laut, terutum, *Aegiceras corniculatum*; ~ *bunga putih* sj tumbuhan (pokok), *Lumnitzera racemosa*; ~ *merah* sj tumbuhan (pokok yg tumbuh di tepi-tepi laut), beluntas, *Lumnitzera coccinea*.

terup I sj permainan dgn menggunakan daun pakau; ~ *keling* sj permainan terup; *daun* ~ daun pakau; *main (bermain)* ~ bermain (berjudi dll) dgn daun terup.

terup II bp kumpulan, pasukan, rombongan; *kuda* ~ kuda utk pasukan berkuda.

terus 1. menuju ke sesuatu tempat dgn tidak singgah di mana-mana, langsung (tidak terhalang atau terhenti), lantas: *dr kamar tidur dia* ~ *ke bilik mandi*; **2.** tidak berhenti, tidak terhenti-henti, sentiasa bergerak (berjalan dll): *kereta yg mereka naiki itu* ~ *berjalan*; **3.** tidak putus-putusnya, berkepanjangan, berlarut-larut, selalu: *negeri ini bergantung* ~ *pd getah dan timah sahaja*; **4.** langsung ke sebelah (apa yg ditikam dll), lantas, menembus, tembus: *ditikamnya sekali lagi, kena rusuknya* ~, *maka rusa itu tiada boleh*

lari lagi lalu mati; **5.** tidak bertanggung-tanggung lagi, dgn segera, lalu, langsung: *sesampai di kampung aku ~lah pergi ke paya*; **6.** tidak berwakil kpd sesiapa langsung: *di samping beberapa jabatan kerajaan yg dijaga ~ oleh menteri, terdapat juga beberapa lembaga atau perbadanan ...* ; **7.** tidak bercampur atau berlapis, jati, tulen; *emas ~ emas tulen* (bukan saduran);

~ mata (pelihatan, pandang) dapat mengetahui apa yg tersembunyi (yg akan terjadi);

seterusnya 1. selepas itu ... lalu, lantas ...: *aku ~ pergi ke rumah Ah Seng*; **2.** selanjutnya: *biarlah kita terima dulu jaminan tersebut utk diperhatikan ~*; **3.** = *dan ~ dan* lain-lainnya, dan yg lain-lainnya; **4.** tetap, selama-lamanya: *beliau telah mengadakan mesyuarat utk menentukan ~ langkah-langkah yg diambil mengenai perkara tersebut*; **5.** yg berikutnya: *Khatijah memandangnya, berasa takjub ditanya ~ itu*; **6.** sejak dr itu ..., mulai sekarang: *dia ~ tidak berani lagi melakukan perkara itu*;

berterusan tidak berkeputusan, berlanjutan, berkepanjangan: *dia menangis ~*;

menerus 1. menembus, melantas: *jahitan ini tidak boleh ~ ke sebelah luar*; **2.** meresap (mengalir dll) keluar atau masuk; **3.** jauh dr permulaan, lanjut, terus: *maka dilihat Bendahara betul kepala Tun Mutahir bernyala, cahaya ~ ke langit*;

terus-menerus 1. = **terus-terusan** tidak berkeputusan, tidak berhenti-henti, tidak putus-putus, berterusan: *mestikah mereka ~ hidup dlm alam kekolotan?*; **2.** secara langsung (siaran televisyen dll), bukan pertunjukan filem: *kira-kira 16,000 orang telah menyaksikan perlawanan yg disiarkan ~ oleh televisyen ke beberapa buah negeri*;

menerusi **1.** masuk sampai ke, melintas pd, menembus pd: *jahitan yg awal dan yg akhir sahaja yg ~ kain, yg lain itu lalu di bawah urat benang sahaja*; **2.** dgn perantaraan, melalui: *masukkan sehelai benang halus ~ lubang-lubang pd kertas tebal itu; dia mengirim buku-buku itu ~ saya*;

meneruskan **1.** menembuskan, melantaskan; **2.** melanjutkan, melangsungkan, menyambungkan: *dr situ mereka ~ perjalanan mereka ke arah selatan; dia bercadang hendak ~ pelajarannya ke universiti*; **3.** mengirim terus (kpd), menyampaikan (menyerahkan) terus kpd: *surat itu diteruskan kpd ketua rapat yg dgn segera pula ~ kpd Kadir*;

terusan **1.** sungai buatan dll yg menghubungkan dua lautan (utk pelayaran), susukan: *T~ Panama; T~ Suez*; **2.** bp sambungan, lanjutan: *ini adalah ~ drpd cerita dahulu*; **3.** bp terus-terusan, terus-menerus;

keberterusan perihal (keadaan yg) berterusan: *hasrat terhadap ~ dlm hubungan antara negara*;

penerusan perihal (perbuatan dsb) meneruskan, pelanjutan, kelanjutan: *masih ada kekecualian tertentu yg mengizinkan ~ penggunaan bahasa Inggeris*;

penerus **1.** orang (golongan) yg meneruskan (melanjutkan) sesuatu aktiviti, penyumbang: *melahirkan titisan zuriat Islam yg murni sbg ~ generasi Islamiah pd masa hadapan*; **2.** (Kej) peranti elektronik yg digunakan utk menukar arus ulang-alik kpd arus terus tanpa menggunakan dinamo atau mesin elektrik.

terus terang berkata (bercakap dll) dgn sebenarnya, tidak berselindung, berterang-terang: *kalau engkau tidak mahu mengaku ~, Bey, engkau aku bunuh*;

berterus terang terus terang, berterang-terang: *ia ~ mengatakan bahwa ia bersedia akan menjadi isterinya.*

terusi sj benda berasal drpd tembaga dan berwarna kebiru-biruan (digunakan utk ubat puru dll).

terutup; ~ *batu* sj tumbuhan (herba), kerak merah (nasi), rumput sisik naga, *Torenia polygonoides*.

terwelu (terwélu) arnab, kelinci.

tes (tés) bp percubaan yg dilakukan utk menguji, ujian;

mengetes mengadakan percubaan utk memeriksa keadaan sesuatu, menguji.

tesak pusat sasaran, mata sasaran, bulan-bulan.

tesaurus (tésaurus) buku yg mengandungi senarai kata seerti dan kata yg berkaitan maknanya yg disusun mengikut sistem atau olahan tertentu.

tesis (tésis) **1.** pendapat (kesimpulan) yg dikemukakan utk dibahaskan, **2.** disertasi atau kajian ilmiah yg dikemukakan oleh seseorang calon utk melayakkannya memperoleh ijazah atau diploma.

tesitura (tésitura) (Lin) julat nada suara dlm pertuturan biasa.

TESL kep *Teaching Of English as Second Language* (Pengajaran Bahasa Inggeris sbg Bahasa Kedua).

testa (tésta) selaput biji yg biasanya tebal dan keras yg berfungsi utk melindungi biji.

testamen (téstamen) IB wasiat.

testimoni (téstimoni) pernyataan rasmi oleh saksi kpd mahkamah undang-undang utk membuktikan kebenaran sesuatu.

testimonial (téstimonial) surat perakuan tentang keperibadian, kebolehan, kelayakan, dsb seseorang, yg biasanya diberikan oleh majikannya.

testis (téstis) (Bio) buah zakar, buah pelir.

testosteron (téstostéron) (Bio) hormon steroid lelaki, yg dihasilkan oleh testis atau dibuat secara sintetik, yg mengaruh dan memelihara ciri-ciri seks sekunder lelaki (spt pertumbuhan misai).

teta (téta) huruf kelapan dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Θ, θ.

tetabas Pr sembuh drpd penyakit (kerana diganggu puaka) dgn membuang ancak.

tetabu; *burung* ~ sj burung, taptibau, *Eurostopodus temminckii*.

tetaguk ark burung pungguk; *spt* ~ *di rumah tinggal* prb orang yg bekerja sendirian tetapi riuh bunyinya.

tetak I; *luka* ~ luka kerana diparang (dibacuk);

bertetakan saling mengenakan parang dll kpd, saling membacuk, parang-memarang: *maka kedelapan hulubalang itu ~ mata pedang, tangkis-menangkis*;

menetak memotong (mengerat dll) dgn senjata tajam yg dihayun kuat-kuat, memancung, memarang, membacuk: *petani itu telah ~ lembu yg memakan padinya*;

~ *meramu* menebang kayu-kayan utk membuat rumah;

tetak-menetak saling menetak, bertetakan;

menetakkan memarangkan;

tetakan hasil drpd perbuatan menetak, pukulan atau ayunan menetak: *sebatang kayu yg tersadai di tebing sungai menjadi sasaran ~ badik Tun Daik*;

penetakan perbuatan menetak, pamarangan, pemancungan, pembacukan;

penetak 1. orang yg menetak, pamarang, pemancung, pembacuk;
2. alat utk menetak.

tetak II Mn ark; **menetak, menetakkan** menetapkan, memastikan, menentukan; ~ *harinya* menentukan harinya.

tetal **1.** tidak berongga, mampat, padat, pejal, tumpat; **2.** tidak jarang (kain tenunan dll), kerap, rapat;

menetal, menetalkan menekan-nekan supaya padat, memejalkan, menumpatkan; **tatal III.**

tetambak (Kej) benteng utk menahan banjir dll: *utk mencegah banjir, orang ramai telah membina benteng sungai yg dipanggil ~;* → **tambak I.**

tetampah Jk nyiru; → **tampah I.**

tetampan I sl sj talam, penampan.

tetampan II sl sj selampai drpd kain sutera kuning (yg diseباikan di bahu ketika menghadap raja atau utk menudungi barang-barang yg dipersembahkan kpd raja).

tetamu orang yg diundang (dijemput) utk menghadiri jamuan dll, orang jemputan, jamu, tamu: *dia sibuk melayan ~;*

~ *kehormat* orang yg diundang khas (biasanya orang kenamaan, pemimpin, atau pembesar) utk menghadiri sesuatu majlis atau upacara; *ruang ~* ruang utk melayan tetamu.

tetangga orang yg tinggal berdekatan atau sebelah-menyebelah, orang setangga, jiran: *katanya tak pantas aku memanggil orang itu masuk rumah, hina apabila dilihat ~;* → **tangga.**

tetani (tétani) (Ubat) sj penyakit yg dicirikan dgn penggerenyetan dan kekejangan otot, sawan dan spasma otot pd pergelangan tangan dan kaki sehingga boleh menyebabkan tangan dan kaki terbengkok.

tetanus (tétanus) (Ubat) sj penyakit kejang urat atau otot, spt kancing gigi, yg disebabkan oleh jangkitan sj kuman.

tetap I 1. selalu berada di tempatnya, tidak berpindah-pindah, tidak bergerak, tidak berganjak: *di dlm kursus sains ini kelak kita akan menemui benda-benda hidup yg tinggal ~ tidak bergerak beberapa*

lama; 2. tidak utk sementara: jawatan ini adalah ~ dan berpencen; 3. tidak putus-putus, terus-menerus, selalu: dunia masih ~ berharap bahawa segala kejayaan Rusia di angkasa lepas itu hendaknya benar-benar dilakukan utk tujuan-tujuan damai; 4. tidak berkesudahan, kekal selama-lamanya, lestari, abadi: kita di dunia ini tidak akan ~, mati juga akhirnya; 5. tidak berubah-ubah (keadaannya dll), selalu demikian halnya dll, sama (keadaannya) : harga getah dan timah bergantung pd pasaran dunia dan oleh sebab itu tidak ~; 6. sudah pasti, tentu, mesti: gedung itu ~ akan dirasmikan pd hari itu; 7. teguh berpegang pd (pendirian, kepercayaan, keyakinannya, dll): dia ~ tidak mahu berdamai; 8. tidak berubah lagi (niat, keputusan, dll): niatnya utk menunaikan fardu haji sudah ~; ~ hati teguh hati, tabah hati;

menetap tinggal dgn tetap (di), bermukim (di), duduk (di): *~lah mereka di sana utk membuka tanah, meneroka hutan utk dijadikan kampung;*

menetapi 1. menepati atau memenuhi (janji dll), menunaikan (niat, kaul, dll): *dlm janji digaduhkan sampai janji ditetapi; 2. memenuhi (kewajiban, tanggungjawab, dll), menjalankan (perintah), mematuhi;*

menetapkan 1. membuat supaya tetap (tidak goyah dll), menjadikan tetap (kekal, lestari, dll), mengekalkan: *mereka hendak ~ apa yg telah ada; 2. menjadikan tetap (tidak utk sementara), melantik (menerima) sbg pegawai tetap: setelah berkhidmat selama satu tahun, Hamidah telah ditetapkan dlm jawatannya; 3. memberi kepastian (ketentuan), memastikan, menentukan: harinya mestilah ditetapkan utk membicarakan kes itu; 4. membuat keputusan, memutuskan: kami ~ hendak memberi bantuan kpd dua orang murid sahaja; 5. menjadikan tetap (tidak berubah-ubah*

keadaannya dsb): ~ harga; **6.** memilih (melantik, mengangkat) jadi: *mesyuarat telah ~ dia jadi wakil rombongan tersebut*; **7.** meneguhkan (hati, janji, dll): *oleh itu ia telah ~ hatinya sedia hendak menghadapi untung nasib*; **8.** memperkuat, memperkukuh: *fakir itu tinggal di negeri Samudera ~ akan agama Islam isi negeri itu*;

mempertetap, mempertetapkan menjadikan lebih tetap: *ampun tuanku beribu-ribu ampun pertetapkan juga hati tuanku*;

ketetapan 1. perihal tetap, kepastian, ketentuan: apa yg sedang berlaku dlm masyarakat kita bukanlah drpd ajaran Islam, malah jauh menyimpang drpd ~ hukum-hukum Islam; **2.** keputusan, ketentuan, pertimbangan: *Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu akan mengambil satu ~ menyeru supaya semua pihak tidak berkeras dlm krisis Timur Tengah*; **3.** surat pengangkatan (perlantikan); **4.** keteguhan (hati, kemahuan, dll), kekukuhan, kecekalan: *kemahuan dan ~ hati akan mencapai suatu cita-cita yg mulia*; ~ pajak Id taksiran pajak (cukai dll);

penetapan 1. perihal menetapkan, pemastian, penentuan: ~ bahasa Melayu sbg Bahasa Kebangsaan; **2.** perihal menetapkan (harga, keadaan, dsb); **3.** pelantikan (jawatan dll), pengangkatan; **4.** pelaksanaan (kewajiban dll), penunaian (janji dll); **5.** keputusan (pendapat dll);

penetap sesuatu yg digunakan utk menetapkan (menyelaraskan).

tetap II; menetap mengeringkan (air mata dll) dgn kain dll, mengelap (dakwat, air, dll), mengesat: *ditetapnya air matanya dgn sapu tangan*;

penetap sesuatu yg dipakai utk menetap; *kertas ~ kertas kembang, kertas lap*.

tetap III tatap.

tetapan ark → **tetampan II**.

tetapi = akan ~ **1.** kata penghubung utk menyatakan hal-hal yg agak berlawanan (bertentangan): *budak itu pandai ~ pemalas; dia pemaarah ~ hatinya baik; 2.* (sungguhpun ...) namun: *walaupun tua ~ ia masih kuat berjalan lagi.*

tetar I Jh; **setetar** sejajar, sederet;

bertetar berjajar, berderet.

tetar II ark; **menetar 1.** mengarahkan, mengacukan (keris dll); **2.** mengatur anian (dlm alat tenun).

tetar III Tr merentang benang loseng (songket atau sarung benang): *saya hendak minta tolong ~ loseng.*

tetarak Pr tarak-tarak.

tetarap sj ikan laut, *Labridae*.

tetarik sj alat bunyi-bunyian, akordion.

tetas; menetas 1. memotong (membelah dll) supaya terbuka, meretas: ~ jahitan; **2.** keluar drpd telur: *anak-anak ayam yg baru ~ sudah boleh berjalan; 3.* pecah dan terbuka kulitnya (telur yg sudah diram): *dlm tempoh sepuluh hari telur itu pun ~lah;*

menetaskan 1. mengeramkan (telur) supaya menetas, menjadikan menetas; **2.** ki menimbulkan sesuatu perkara dll, membangkitkan, menelurkan, menimbulkan;

penetasan proses menetaskan telur: ~ *udang galah;*

penetas 1. alat yg digunakan utk menetaskan telur: *telur burung ini ditetaskan dgn menggunakan alat ~; 2.* pihak (orang atau syarikat) yg mengusahakan kerja penetasan: *anak ayam itu dibawa dr syarikat ~ di Pekan Nenas.*

tetawak sl tawak-tawak.

tetebeng (tetébéng) bahagian tepi terendak yg lebar.

teteguk burung pungguk.

tetek (téték) I buah dada, susu;

menetek menghisap tetek, menyusui;

meneteki memberi minum air susu kpd, menyusui;

menetekkan membiarkan menyusui pd, menyusukan.

tetek (téték) II; *~-bengek* segala perkara yg kurang penting atau tidak berguna.

tetekkala bp tatkala.

tetel (tétél) sisa daging (campuran daging, urat, lemak, dll).

tetemas temas-temas.

tetengah bahagian yg di tengah-tengah.

tetepung sj tumbuhan (pokok), berambang, bunga campaya paya, bunga campat, hampas tebu, kedenuk, medang gambung, mengabung, jangkang paya, tampang besi, temangan, *Vernonia javanica*.

teter (tétér) (Sunda) sj tumbuhan (pokok renek), tembakau hutan, *Solanum verbascifolium*.

teterapan, teterapang ark terapan.

tetes (tétés) Jw **1.** titik (air, darah, keringat, dll), ketel, titis: *mereka sedia melawan sampai ~ darah yg penghabisan*; **2.** air gula yg dicairkan, ceng: *alkohol itu dibuat drpd ~*;

bertetesan bertitik-titik;

menetes keluar bertitik-titik, menitik (air, darah, dll): *darahnya ~*;

menetesi menitikkan (air dll) pd, menitiki;

meneteskan menitikkan, menitiskan (air dll);

tetesan **1.** titik, titis: *~ air hujan (keringat)*; **2.** keturunan, anak cucu: *~ darah sultan*; *~ pena* ki buah pena, karangan.

tetibar, tetibau ark sj burung, tabtibau.

tetikus (Komp) sj peranti komputer yg digunakan sbg penunjuk utk mengawal kursor dan utk memilih objek pd tabir paparan komputer; *~ optik* sj tetikus yg menggunakan kaedah optik spt

sinaran inframerah (tidak dgn menggunakan talian dawai) utk mewujudkan hubungan dgn komputer.

tetingkap (Komp) kawasan bersegi empat pd tabir paparan komputer yg memaparkan sebahagian drpd gambar atau teks terpilih bagi fail tertentu;

~ *aktif* tetingkap yg dipaparkan pd tabir yg sedang digunakan oleh atur cara; ~ *tak aktif* tetingkap atur cara atau data pd paparan yg tidak digunakan.

tetirah Jk **1.** pergi ke tempat lain (utk berubat dll); **2.** bp pergi mengungsi; **tirah.**

tetiron Jk tiruan, palsu.

tetiruk; *burung* ~ sj burung, burung berkik, *Capella stenura*.

tetomoih Kd tersungkur.

tetrahedron (tétrahédron) (Mat) rupa bentuk objek yg mempunyai empat muka satah (biasanya segi tiga sama yg serupa).

tetraklorida (tétraklorida); *karbon* ~ (Kim) sebatian organik yg mengandungi satu bahagian karbon dan empat bahagian klorin (digunakan dlm alat pemadam api dll).

tetrapod (tétrapod) (Bio) ahli kumpulan vertebrat yg mempunyai empat anggota.

tetua Jk bintik-bintik hitam pd kulit muka (pipi), jagat.

Tetuan panggilan yg biasa digunakan kpd firma guaman, mis ~ *Zainur Zakaria* dan ~ *Faiz & Co*.

tetuang sj alat bunyi-bunyian (dibuat drpd buluh, tanduk, dll) yg ditiup utk memberi isyarat dll; ~ *udara* ark alat pemancar radio; → **tuang-tuang.**

tetuban selaput pembungkus bayi semasa bayi dlm kandungan ibunya, tuban-tuban; **ketuban, tentuban.**

tetubuh; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar cabai, akar sebolek (seburus), sebolek paya, *Gnetum kingianum*.

tetuhu ark sj burung, burung tuhu (sj burung punggung).

tetulang rangka bentuk rumah, bahagian rangka sesuatu binaan (barang dll).

tetumpang sj tumbuhan (paku pakis), sakat batu, *Cyclophorus adnascens*.

tetungap Kd sj pekasam (drpd ikan kecil), budu.

tetupai tupai-tupai.

TEVS kep *Teachers of English in Vernacular Schools* (Guru Bahasa Inggeris di Sekolah Bahasa Sendiri).

tewas (téwas) **1.** menderita kekalahan, kalah (dlm permainan, pertandingan, dll): ~ *dlm pertandingan kejohanan badminton*; **2.** gugur (dlm peperangan), mati, terkorban: *mereka telah ~ dlm peperangan itu*; **3.** tidak lulus (dlm ujian), gagal, kandas: *dia telah ~ dlm ujian itu*; **4.** sl cela, cacat, aib, kekurangan (dlm ilmu dll): *baiklah hamba pergi berguru kepadanya, kerana hamba sangat ~ pd ilmu penjurit*;

menewaskan **1.** mengalahkan (musuh dll), menundukkan: *dia yakin bahawa dia akan dapat ~ lawannya dlm pertandingan itu*; **2.** membunuh musuh (dlm peperangan, pertempuran), mematikan;

ketewasan **1.** kekalahan (dlm permainan dll); **2.** kematian (dlm perang dll); **3.** kecelakaan, kecelakaan, kegagalan, bencana; **4.** kalah.

teweng (téwéng) Kl tempang, capik, pincang.

teyan (téyan) C pemungutan wang dll utk membantu sesuatu.

tezi (tézi) → **teji**.

Th I kep Tahun: ~ 1989.

Th II simbol kimia bagi torium.

Thaipusam sj perayaan orang Hindu utk memuja dewa Subramaniam atau Murugan (biasanya dlm bulan Januari).

thani Ar yg kedua; *Sultan Iskandar* ~ Sultan Iskandar yg kedua.

ti Ph, Pr kata utk menegaskan kata yg mendahuluinya, -kan, -lah: *dengar~; tumbuk~.*

Ti simbol kimia bagi titanium.

tiada **1.** tidak ada: *rumah itu berkunci sahaja kerana ~ orang yg mendiaminya; 2. tidak: ~ pernah kudengar;*

~ *berapa* tidak terlalu (banyak, besar, dll); ~ *dua* hanya satunya, tiada taranya atau bandingannya; *dgn* ~ tanpa;

tiadakan tiada akan, tidak akan: *jika tuan hamba manusia ~ kata-kata ini keluar drpd mulut tuan hamba;*

meniada **1.** menjadi tidak ada; **2.** enggan menurut, mengatakan tidak;

meniadakan **1.** = **mempertiadakan** menganggap (mengatakan dll) tidak ada atau tidak mungkin, mengingkari, memungkir: *kita tidak boleh ~ atau menganggap sepi masalah-masalah ini; menentang ajaran-ajaran agama Islam samalah spt ~ Tuhan; 2.* menjadikan tidak ada, menghapuskan, menghilangkan, melupakan: *sudahlah dgn takdir Allah, yg ada ditiadakan dan yg tiada diadakan; kerana kekurangan guru beberapa mata pelajaran terpaksa ditiadakan tahun ini; 3.* membatalkan, memansuhkan, menghapuskan (kuasanya, haknya, dll); **4.** mengabaikan, memperkecil: ~ *kebolehan orang lain;*

peniadaan perihal meniadakan (menghapuskan, membatalkan, dll);

ketiadaan **1.** perihal tidak ada (sesuatu): ~ *vitamin yg perlu dlm makanan boleh mendatangkan berbagai-bagai jenis penyakit; sukar bagi ahli-ahli sejarah mengkaji sejarah lama kerana ~*

kesan-kesan yg bertulis; **2.** perihal tidak mempunyai sesuatu, kepicikan (wang): *menghadapi berbagai-bagai kesulitan kerana ~ wang.*

tiaga Mn **1.** dagang, dagangan; **2.** urusan berjual beli, perdagangan;

meniaga berjual beli, berdagang; → **niaga.**

tiah = *padang* ~ sl padang pasir.

tiak sj burung yg makan padi di bendang.

tiam C ark pukulan.

tiamina sj vitamin B kompleks yg terdapat pd sayuran hijau, jagung, kuning telur dan hati, yg kekurangannya boleh mengakibatkan penyakit beriberi, vitamin B₁.

tian **I** **1.** bahagian perut tempat bayi berada semasa dlm kandungan, kandungan; *dlm* ~ mengandung, hamil; *mandi* ~ istiadat mandi waktu sedang mengandung (biasanya apabila kandungan berusia tujuh bulan); **2.** anak (mamalia) yg masih dlm kandungan: *bagaimanakah caranya ~ binatang mamalia mendapat makanan dan oksigen sebelum ia dilahirkan;*

bertian mengandung, hamil;

meniani membuntingi, menghamilkan.

tian **II** Kl, Tr titian (drpd batang pokok dll).

tiang **1.** kayu yg dipasang tegak utk menyokong sesuatu bahagian bangunan (spt lantai dll): *kesemua ~ rumah itu drpd kayu jati*; **2.** tonggak (drpd kayu, besi, dll) yg ditanam atau didirikan tegak utk kegunaan tertentu; ~ *bendera* tiang utk mengibarkan bendera; ~ *telegraf (telefon)* tiang utk digantungkan wayar telegraf (telefon); *mengibarkan bendera setengah* ~ menaikkan bendera ke takat separuh tiang (sbg alamat berdukacita atau berkabung); **3.** kayu dll yg didirikan tegak dlm kapal utk memasang layar; **4.** ki orang atau

sesuatu yg menjadi unsur atau sumber kekuatan (kesempurnaan dll) sesuatu: *pemuda harapan bangsa, pemudi ~ negara*;
~ *agama* solat (dlm Islam); ~ *agung* tiang kapal yg terpenting; ~ *balai* badan penasihat yg terdiri drpd empat orang utk menasihati Undang di Negeri Sembilan; ~ *beralas* tiang rumah yg berasas (berlapik) batu; ~ *gantung* tiang yg tidak jejak ke tanah (utk menyambung bahagian tambahan rumah kpd rumah ibu); ~ *gol* satu drpd dua tiang yg dihubungkan dgn kayu palang utk matlamat tendangan bola; ~ *guntung* tiang perahu yg papak pd puncaknya; ~ *kampung* orang yg tertua dlm kampung; ~ *negara* orang dll yg menjadi sumber kekuatan negara; ~ *seri* (*tengah, sendi rumah*) tiang rumah yg mula-mula sekali didirikan (letaknya di tengah-tengah rumah); ~ *topang* tiang depan (perahu); ~ *pandak hendak menyamai* ~ *panjang* prb hendak meniru-niru orang kaya (orang besar-besar);

bertiang mempunyai tiang, ada tiangnya;

bertiangkan mempunyai atau menggunakan (sesuatu) sbg tiang, bertonggakkan.

tiap I; setiap, tiap-tiap 1. satu-satu drpd banyak, masing-masing: ~ *orang yg diambil bekerja akan dilatih terlebih dahulu*; ~ *buah kereta mesti didaftarkan*; 2. berurutan atau yg satu mengikuti yg lain (bkn masa), saban: ~ *hari (malam)* saban hari (malam); ~ *ketika (masa, waktu)* sepanjang masa, sentiasa.

tiap II C 1. sekali makan atau minum (bkn ubat); 2. = *wang* ~ wang yg dibayar kpd tuan punya rumah supaya boleh menyewa rumahnya, wang kunci, duit kopi;

meniapkan menyewakan rumah dgn meminta wang kunci.

tiara mahkota berbentuk separuh bulat dan bertatah intan permata.

tiarap; bertiarap = **meniarap**;

meniarap berbaring dgn dada dan perut di bawah, menelungkup (lwn menelentang): *ia ~ di katil dan menyembamkan mukanya ke bantal;*

meniarapkan membaringkan (merebahkan, meletakkan, dll) dgn bahagian depan atau bahagian atas ke bawah, menelungkupkan: *Pak Imam menelungkupkan kedua-dua belah tangannya dan para jemputan turut ~ tangan masing-masing; ia ~ pinggan mangkuk yg baru dicuci supaya kering;*

tertiarap jatuh, rebah, dll dgn bahagian depan (atas) ke bawah, tertelungkup, tengkurap: *dia gelisah, kadang-kadang ~, kadang-kadang terlentang memandang bumbung; biar tersenget jangan ~ prb lebih baik rugi sedikit drpd habis semua sekali.*

tias; ~ mula sj tumbuhan (pokok), beberas, kamap, kemap-kemap, pauh kijang jantan, petaling gajah, selimbar, selumar, *Homalium logifolium.*

tiasa → **sentiasa.**

tib Ar **1.** = *ilmu* ~ ilmu mengenai ubat-ubatan; **2.** = *kitab* ~ kitab mengenai ubat-ubatan.

tiba **1.** sampai (di), datang: *apabila kereta api ~ di stesen itu ramai penumpang yg turun; mereka sedia menerima sebarang bahaya yg akan ~;* **2.** sudah sampai (waktu dll), sudah mulai: *setelah ~lah masanya; kalau ~ musim lada itu bukan buatan ramainya orang berjual beli;*

setiba sebaik-baik tiba, sesampai, seketika selepas tiba: *~nya di Pulau Pinang beliau telah melakukan upacara pembukaan bangunan UMNO;*

ketibaan perihal tiba (sampai), kesampaian, kedatangan: *~ Nabi di Madinah disambut dgn sangat meriahnya.*

tiba-tiba dgn tidak disangka-sangka, dgn mendadak, sekonyong-konyong: *sebuah kereta berhenti dgn ~ di hadapan mereka; hujan turun dgn ~*.

tibai 1. bp gasak, hentam, bantai; 2. Kd pukul, balun.

tiban Kl; **meniban** memukul, menghentam.

tibi penyakit batuk kering, TB.

tibia (Bio) salah satu tulang yg bersendi dgn lutut dan tulang pergelangan kaki.

tidak digunakan utk menyatakan bukan (menafikan, menolak, menghalang, dsb), tiada, tak: *rumah saya ~ jauh dr sini; cerita itu ~ benar; ~ alang tidak (bukan) sedikit, banyak; ~ apa a) = ~ apa-apa tidak ada sesuatu; b) tidak mengapa; ~ boleh (dapat) ~ pasti, sudah tentu, mesti, tidak boleh diingkari (diabaikan dll); ~ lain dan ~ bukan (ialah, hanyalah) a) tidak lain drpd ...; b) hanya; ~ (tak) main bp tidak pakai, tidak mengamalkan sesuatu; ~ sekali-kali sedikit pun tidak; ~ urung tidak dapat tiada, tidak boleh tidak; baik ~nya baik atau tidak baiknya, baik buruknya; dapat ~nya dapat atau tidak dapatnya; jangan ~ a) tidak boleh tidak, harus; b) tidak dgn sungguh-sungguh;*

tidak-tidak (yg) bukan-bukan, (yg) ganjil-ganjil (mustahil, tidak dapat diterima akal, dll): *terbitlah berbagai-bagai perkataan yg ~, yg boleh membingungkan dan menyusahkan hati;*

setidaknya, setidaknya-tidaknya 1. sekurang-kurangnya: *kalau tidak dapat memberi berapa yg diminta, setidaknya-tidaknya berilah berapa yg boleh;* 2. barang sedikit (mesti...); 3. bagaimanapun (mesti...);

bertidak mengatakan tidak, menafikan: *anakny meratap dan ~ akan tuduhan-tuduhan itu;*

menidakkan, mempertidak, mempertidakkan menjadikan (menganggap, mengatakan, dll) tidak ada, meniadakan: *kpd*

mereka ~ atau melanggar adat resam ini akan menjadi kesalahan besar; dipertidaknya laki-laki kita oleh Betara Majapahit maka kita dikirim subang;

ketidak...an perihal tidak...; *ketidakadilan* perihal tidak adil; *ketidakpastian* perihal tidak pasti; *ketidaksungguhan* perihal tidak sungguh-sungguh; *ketidakupayaan* perihal tidak berupaya.

tidur 1. dlm keadaan tidak sadar dgn mata terpejam (kerana berehat):

*siang bekerja malam ~; ~ (-tidur) ayam tidur yg tidak lena (mudah terjaga); ~ lelap (lena, lenyak, nyenyak, senyap) tidur benar-benar (sehingga tidak mudah dikejutkan); ~ mati tidur dgn sangat lenanya; baju (pakaian) ~ baju (pakaian) yg khusus dipakai utk tidur, pijama; bilik (kamar) ~ bilik tempat orang tidur; kaki (tukang) ~ bp (orang yg) sangat suka atau sangat mudah tidur; penyakit ~ sj penyakit yg menyebabkan orang yg menghidapnya selalu hendak tidur; tempat ~ a) bilik (bangunan) tempat orang tidur; b) ranjang; ubat ~ = **penidur** ubat yg menyebabkan tidur; 2. = masuk (pergi) ~ hendak (pergi utk) berehat dgn memejamkan mata dan tidak sadar diri: *biar aku sahaja menyudahkan kerja ini, kau boleh pergi ~*; 3. a) berbaring; b) = **tidur-tidur** berbaring-barang (kerana berehat dll);*

~ tak lelap, makan tak kenyang prb perihal orang yg tidak tenang fikirannya (kerana runsing, rindu, dll); *bagai ~ di atas miang (enjelai)* prb perihal orang yg sangat gelisah (kerana banyak perkara yg difikirkannya dll);

meniduri 1. tidur (berbaring) di: *di atas bangku yg di kejauhan sana, nampak gadis ~ pangkuan pacarnya*; 2. bersetubuh dgn, menyetubuhi;

menidurkan 1. membuat supaya tidur, membaringkan supaya tidur: *sesudah ~ anaknya barulah dapat ia bersenang-senang*; 2.

membaringkan, merebahkan: *kemudian hendaklah ditidurkan pasu itu supaya batang pokok itu sekarang mengarah ke tepi*; **3.** ki menjadikan lalai (cuai, tidak bersemangat, dll), melalaikan: *janganlah kita ~ kembali masyarakat kita yg sudah mulai sadar sekarang*; **4.** menyembuhkan (menghilangkan dll) dgn tidur: ~ *pening kepala*;

tertudur 1. (sudah) tidur: *dia merapati katil dan mendapati anaknya sudah ~*; **2.** mulai tidur: *kian lama mata bapa kian pudar, dia ~*; **3.** dgn tidak sengaja tidur: *kerana terlalu letih dia ~ di kerusinya*;

ketiduran 1. = *tempat ~ tempat tidur: nasihat itu menghadapkan kenang-kenangannya ke tempat lain, jauh dr ~nya dewasa itu, ke rumah isterinya*; **2.** tertudur (dgn tidak sengaja), lama sungguh tidur;

ketidur-tiduran selalu mengantuk (hendak tidur);

setiduran = seketiduran;

seketiduran 1. setempat tidur, tidur bersama-sama; *selapik ~ (sahabat) sangat karib*; **2.** teman tidur;

berseketiduran 1. tidur bersama di suatu bilik (katil dll); **2.** bersetubuh;

petiduran tempat tidur;

penidur 1. (orang yg) selalu tidur atau sangat mudah tidur, kaki tidur, tukang tidur; **2.** = *ubat ~ ubat (pil dll) yg menyebabkan tidur lena*.

tifa sj gendang kecil (Maluku).

tifoid (Ubat) sj penyakit usus yg mudah berjangkit.

tifus (Ubat) demam yg berbahaya disebabkan oleh virus *Rickettsia* (yg akan menyebabkan penghidapnya meracau dan sakit kepala).

tiga I satu kurang drpd empat;

~ *belas* tiga campur sepuluh (13); ~ *dimensi* bentuk yg mempunyai lebar, panjang dan tinggi; ~ *dlm satu* terdiri drpd atau mempunyai tiga bahan, fungsi dsb dlm sesuatu barangan, kegiatan dll; ~ *puluh* tiga kali sepuluh (30); ~ *pupu* perhubungan persaudaraan antara orang yg moyang mereka adik-beradik; ~ *suku* a) tiga bahagian drpd empat, 75%; b) ki agak gila, gila-gilaan;

~ *sudah berdiri habis* prb sesuatu perbuatan itu memadailah dgn tiga perbandingan, iaitu ilmu, akal dan kemahiran; *masuk ~ keluar empat* prb perbelanjaan melebihi pendapatan;

tiga-tiga setiap kali (baris, kelompok dsb) tiga: *letakkan cawan itu ~*;

bertiga berjumlah tiga kesemuanya, tiga sekawan: *mereka beriring berkawan-kawan, berdua, ~ dan beramai-ramai seiring; mereka tinggal ~ beranak di pondok itu*;

meniga menjadi yg ketiga; ~ *hari* mengadakan kenduri tiga hari selepas meninggalnya seseorang;

ketiga = yg ~ (yg) nombor tiga: *anaknyanya yg pertama menjadi doktor, yg kedua seorang peguam dan yg ~ seorang jurutera*;

ketiga-tiga = ~nya = *tiga-tiganya* semua seramai atau sebanyak tiga (orang dll), kesemua bertiga: *maka pergilah aku menziarahi ~ makam itu serta membaca doa; ~ orang dlm kumpulan itu serentak mengangguk*;

pertiga bahagian drpd sejumlah tiga bahagian;

sepertiga satu pertiga, satu bahagian drpd jumlah tiga bahagian, 33% (drpd sesuatu bilangan dll);

mempertiga membahagi tiga;

sepertigaan ark satu drpd tiga bahagian; ~ *malam (yg akhir)* larut malam (selepas tengah malam).

tiga II; *akar ~ cabang = cabang ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), mentimun dendang, timun dendang lunjung, Trichosanthes celebica; rumput ~ segi sj tumbuhan (rumpai), Cyperus compressus.*

tigari bp tiga hari;

menigari meniga hari.

tihang ark tiang.

tijak Mn; **menijak** memijak.

tik I bunyi spt bunyi detik jam dll; *juru~ Id jurutaip; mesin ~ Id mesin taip;*

mentik menaip; □ → □**ketik I**.

tik II; *kain ~ kain penutup tilam, kain cadar.*

tik III Kd, bp cela, cerca, kritik.

tika I = tika-tika penggulung (benang), gelendong (benang), kumparan (benang).

tika II singkatan bagi ketika: *~ kaki melangkah ke dalam.*

tikai selisih, beza: *badannya sendiri belumlah berubah, masih belum banyak ~nya dr dahulu;*

bertikai 1. berbeza, tidak sama (dgn): *lukisan ini ~ sangat dgn mukanya; 2.* berbantah, bersengketa, bertelingkah, berselisih (faham): *sejak keluarga masing-masing ~, perhubungan mereka tidak mesra lagi; 3.* bertentangan (dgn), bersalahan (dgn): *tindakan-tindakan itu ~ dgn peraturan-peraturan yg telah dipersetujui;*

menikai tidak menyetujui, membantahi, menentang;

mempertikaikan 1. memperbezakan; **2.** mempersoalkan, memperbantahkan, memperdebatkan;

pertikaian 1. perselisihan, perbezaan; **2.** pertelingkahan, perkelahian, persengketaan, pertentangan (faham, pendapat):

segala ~ dapat diselesaikan secara aman menerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

tikal sj wang Siam yg kecil nilainya.

tikam I perbuatan menusuk dgn benda tajam (spt pisau, keris, dll);

~ membunuh tusukan yg membunuh; *~ seladang* Kl sj permainan kanak-kanak; *luka ~ luka* kerana tusukan dgn senjata dll;

bertikam, bertikam-tikaman, bertikaman, tikam-menikam saling menusuk dgn senjata (spt pisau dll): *maka orang mengamuk itu pun datang, lalu ~ dgn Raden Kelang; mereka menaiki perahu lanun itu dan bertikam-tikaman dgn hebat; ~ lidah* berdebat, berbahas, berbantah, bertengkar;

bertikamkan sl **1.** menikamkan: *maka kedelapan hulubalang itu bertetakan pedang dan ~ tombak; 2. bertikam utk: *kurang ia berlawanan yg dipertuan lebih ia ~ anak isterinya;**

menikam 1. menusuk (dgn pisau dll), mencucuk atau melukai (dgn senjata tajam): *ada orang yg telah mati ditikamnya; 2.* seolah-olah masuk ke dlm tubuh dll, menerbitkan (mendatangkan) sesuatu kesan yg terasa benar: *angin malam kian ~ ke tulang sumsum; hentakan kaki bergema ~ gegendang telinganya; 3.* ki menyakiti, melukai, menyinggung; *~ jantung (hati, perasaan) ki menyakiti perasaan (fikiran);*

menikami banyak kali menikam: *aku bertikam dgn engkau, kelak orang lain datang ~ aku;*

menikamkan menusukkan (pisau dll), membenamkan senjata (ke dlm tubuh dll);

tertikam ditikam, telah ditikam, ditikam dgn tidak sengaja;

tikaman hasil menikam (dgn pisau dll), tikam, tusukan: *dgn pantas panglima Hitam melompat mengelakkan ~ itu;*

pertikaman 1. pergaduhan dgn tikam-menikam; 2. sl orang yg bersenjatakan tombak: *ada pun orang ~ku yg empat ribu, kusuruhkan mengamuk di dlm negeri Melaka;*

penikaman perbuatan menikam;

penikam 1. orang yg menikam; 2. sesuatu (senjata) utk menikam.

tikam II; ~ *dadu* main dadu; ~ *ekor* sj judi dgn mempertaruhkan wang pd nombor-nombor terakhir keputusan loteri atau lumba kuda;

menikam mempertaruh wang dlm perjudian (loteri dll), membeli tiket loteri dll;

tikaman = *wang* ~ 1. (wang) pertaruhan dlm perjudian (loteri dll);

2. wang pasangan (dlm permainan meneka sesuatu dll).

tikar sj hamparan drpd anyaman daun mengkuang dll yg dibentangkan sbg alas duduk (tidur dll);

~ *bangkar* sj tikar yg kasar anyamannya; ~ *bantal* tikar dan bantal (segala alat utk tidur); ~ *getah a* sj tikar kecil drpd getah (utk lapik tidur bagi kanak-kanak); b) sj tikar yg dibuat drpd bahan buatan utk melapis lantai; ~ *ladang* sj tikar yg kasar anyamannya; ~ *pacar* tikar yg berwarna; ~ *putih* tikar yg tidak berwarna atau bercorak; ~ *rumpit* sj tikar yg dibuat drpd rami (menerung, pisang, dll); ~ *sejadah* = ~ *sembahyang* tikar (permaidani kecil dll) yg digunakan sbg tempat sembahyang; *ganti (menggantikan)* ~ = *lepas bantal berganti* ~ prb berkahwin dgn adik isterinya (atau saudara suaminya) yg telah meninggal;

bertikar mempunyai atau ditutupi tikar: *mahu tidak mahu, kami terpaksa juga duduk atau berbaring di atas lantai simen yg tidak ~ itu;*

bertikarkan mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg tikar: *kami ditempatkan di sebuah pondok yg beratap rumbia dan ~ buluh.*

tikas 1. deretan sampah-sarap (lumut dll) yg ditinggalkan di pantai oleh air pasang; 2. tanda paras air di pantai dll: ~ *air didapati pd takat berbahaya selepas hujan lebat selama beberapa jam*; ~ *pasang* (Geog) bekas air pasang; ~ *surut* (Geog) bekas air surut; 3. bekas, tekanan, kesan.

tike (tiké) I Jk sj tumbuhan (rumpai), *Eleocharis dulcis* (*plantaginea*).

tike (tiké) II Jw candu yg sudah dimasak.

tiket (tikét) kertas atau kad kecil bercetak yg diberikan kpd seseorang utk menandakan pemegangnya telah membuat bayaran utk sesuatu perkhidmatan, spt utk menaiki bas dan menonton wayang, karcis: ~ *kereta api*, ~ *wayang*.

tikim Jk sj tumbuhan (herba yg daunnya boleh dimakan), kara-kara, pegaga embun, ulam gunung, *Hydrocotyle sibthorpioides*.

tikis Kl; **menikis** memangkah (dlm permainan guli, gasing, dll).

tikpi C sj senjata yg hujungnya bercabang tiga.

tiku ark liku, tikung.

tikung Jk; **menikung** berkelok, berliku;

tikungan kelok (liku) jalan.

tikus I sj binatang mengerip; jenis-jenisnya: ~ *air* = ~ *lembah*, *Rattus muelleri*; ~ *bandar* = ~ *mondok*, *Rattus norvegicus*; ~ *rumah*, *Rattus rattus*; ~ *sawah*, *Rattus argentiventer*, dll; ~ *belanda* sj binatang mengerip yg rupanya seakan-akan arnab tetapi lebih kecil, marmut, *Cavia porcellus*; *dimakan* ~ bp diambil (dicuri) orang sedikit demi sedikit;

awak ~ *hendak menampar kepala kucing* prb tidak berdaya mencapai sesuatu yg dicita-citakan atau diharap-harapkan; *bagai* ~ *mbaiki labu* prb orang yg mencuba membaiki sesuatu yg tidak diketahuinya, akhirnya merosakkannya; (*labu*) *ditebuk* (*dikerebuk*) ~ prb gadis yg sudah dinodai; *marahkan* ~, *lengkiang dibakar* prb

kerana sakit hati akan sesuatu yg kecil maka melakukan sesuatu yg mendatangkan kerugian besar; *rumah terbakar*, ~ *habis keluar* prb apabila negeri ditimpa sesuatu malapetaka, penduduknya drpd orang dagang pun keluarlah meninggalkannya; *spt ~ jatuh ke beras* prb orang yg mendapat kedudukan yg mewah; *spt ~ masuk roman* prb orang yg berasa kecewa kerana tidak mendapat spt yg diharapkannya;

menikus mendiamkan diri (tidak berkata-kata atau membantah kerana takut dll).

tikus II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar hitam, akar kekala, *Ventilago malaccensis*; *rotan* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), rotan bini (diri), *Flagellaria indica*.

tikus III; *burung* ~ sj burung, *Locustella lanceolata*; *lang* ~ sj burung helang, lang (helang) sewah, *Elanus c. caeruleus*.

tilam lapik tidur yg dibuat drpd kain yg diisi dgn kabu-kabu dll, kasur; ~ *berspring* tilam yg di dalamnya terdapat lingkaran spring; ~ *catur* = ~ *cekam (bercengkam)* tilam yg dijahit pd beberapa tempat supaya padat (mampat); *kain* ~ kain cadar, kain penutup tilam; *jatuh di atas* ~ prb beruntung kerana berkahwin dgn perempuan cantik serta kaya dll;

bertilam berlapik (memakai) tilam, berkasur: *walaupun ia berbaring itu di atas katil ~ catur, namun matanya tidak juga dapat dilelapkan*; ~ *air mata* sl menangis ketika tidur (orang dlm percintaan); ~ *pasir* prb tidak mempunyai tempat tinggal (tidur di merata tempat);

bertilamkan mempunyai (menggunakan dsb) sesuatu sbg tilam: ~ *susunan surat khabar*.

tilan sj ikan darat, *Mastocembelus spp.*; ~ *pasir* sj ikan darat, belacak, *Trypauchen vagina*; ~ *perayo* sj ikan darat, *Kyphosus cinerescens*.

tilapia sj ikan darat, *Macrogathus aculeatus*; ~ *rumpu* sj ikan darat, *Tilapia mossambica*.

tilawah = ~ *al-Quran* = **tilawatil Quran** Ar pembacaan Quran dgn suara yg kuat.

tilde lambang (~) spt yg digunakan di dlm sesebuah kamus sbg pengganti kata masukan pd bahagian tertentu sesuatu entri.

tile IB bp sj kain kelambu.

tilik pelihatan (yg teliti dan sungguh-sungguh), tenung; *kurang* ~ kurang selidik, kurang teliti; *pd ~nya* pd pelihatannya, pd fikirannya (pandangannya); *tukang* ~ orang yg meramalkan sesuatu (spt nasib orang dll), jurutenung;

menilik 1. melihat (mengkaji) dgn teliti, mengamat-amati: *dibukanya album itu, ditiliknya gambar-gambar di dalamnya satu persatu*; 2. melihat nasib (untung malang orang dll), merenung, meramalkan sesuatu, menelah: *ia konon pandai ~ , kita suruh lihat benarkah khabar orang itu*; ~ *ketika* menelah baik buruk waktu dgn berpandukan sesuatu perhitungan; ~ *nujum* menelah sesuatu dgn berpandukan bintang; 3. mengawal, mengawasi, mengendalikan, menjaga: *lembaga pengelola ~ perjalanan badan itu*; 4. menganggap (sbg), menyifatkan (sbg); 5. = ~ *kpd* = *ditilik drpd* (kalau) memandang (mengingat) ..., (kalau) diperhatikan (ditinjau, diperhitungkan) *drpd ...*: ~ *mukanya, begitulah tapi kalau umurnya tidak mungkin; kalau ditilik sepintas lalu memang benar perkataan engku-engku tadi*; 6. menengok, mengunjungi: *aku datang ~ ke sini, ke Solo sudah sampai khabar-khabarnya kamu berdua sudah tidak berbaik lagi*;

tilik-menilik 1. saling menilik; 2. perihal menilik; *ilmu* ~ ilmu tenung;

tilikan 1. pandangan, pelihatan: *licin muka ~ manusia, suci hati ~ Tuhan*; 2. tenungan, ramalan, telahan: *~nya tidak menyimpang, belum setahun berlalu kejadian telah berlaku*; 3. = **penilikan** pimpinan, pengendalian, kawalan, pengawasan: *Marah Adil dimintanya agar belajar berniaga lebih dahulu di bawah ~ nya dan pimpinannya*;

penilikan 1. perihal atau perbuatan dsb menilik (menenung, meramal): *beberapa orang pawang mengatakan dr ~ mereka si Tenggang masih hidup*; 2. tilikan, pengawasan, kawalan: *di bawah ~ di bawah kawalan*; 3. pelihatan, pemerhatian, pandangan, penelitian; *~ sains penelitian sains; pd ~nya pd pandangannya (pendapatnya)*;

penilik 1. pengawas (sekolah dll), pengawal: *sekolah-sekolah dikunjungi oleh ~-~ sekolah pd waktu-waktu tertentu*; 2. orang yg menilik (menenung, meramal): *datuk saya sebenarnya terkenal sbg ~ barang-barang yg hilang*; 3. sl tepat tiliknya (tenungnya).

tim I; *nasi* ~ nasi yg lembik (yg dimasak dgn cara yg tertentu);

mengetim 1. memasak nasi tim (dgn merebus beras yg diisi dlm suatu bekas dan diletakkan dlm kualiti yg berisi air); 2. merebus (daging dll) hingga lembut;

pengetiman perbuatan mengetim;

petiman alat utk memasak nasi tim.

tim II ark□ → □**tin I**.

timah sj logam yg berwarna putih dan tidak berapa keras (biasanya digunakan sbg sadur bagi besi dll);

~ *hitam* sj logam yg agak lembut dan berwarna putih kebiru-biruan; ~ *lanar* timah yg berselaput dgn lanar; ~ *putih* kepingan besi yg disadur dgn timah; ~ *sari zink*; ~ *wurung* bismut;

dahulu ~ sekarang besi prb perihal orang yg turun pangkatnya (darjatnya dll).

timah II = **timah-timah** sj ikan laut, selayur, *Trichiurus spp.*; *kepala* ~ sj ikan darat, mata lalat, *Aplocheilus panchax*.

timah-timah 1. sj tumbuhan (pokok), titimah, me(n)sirah, mesirah bukit (putih), *Ilex cymosa*; **2.** = ~ *bulan* = ~ *gading* sj tumbuhan (pokok), titimah bulan (gading, jantan), bunga keling padang, medang teluk, *Ilex macrophylla*.

timbang I; menimbang, menimbang-nimbang 1. memegang anak dgn kedua-dua belah tangan sambil melambung-lambungkannya sedikit: *ibu itu ~ anaknya*; **2.** meletakkan sesuatu pd tapak tangan serta menggerak-gerakkan tangan ke atas ke bawah: *ia menimbang-nimbang gelang emas itu utk mengagak beratnya*; **3.** menimbang-nimbang (mempertimbangkan), memikirkan baik-baik: ~ *buruk baik sesuatu rancangan*; *belum beranak sudah ditimbang, belum duduk sudah berlunjur prb sudah bersenang-senang sebelum tercapai maksud*;

menimangkan sl mengangkat, mempertimbangkan: *maka anakanda baginda Raja Muzaffirlah ditimangkan baginda akan kerajaan*;

timbangan, timang-timbangan 1. = *anak* ~ anak yg sangat dikasihi atau dimanjakan; **2.** = *nama* ~ nama lain drpd nama yg diberikan ketika lahir, gelaran: *namanya Saliah, juga dipanggil comel sbg nama timang-timbangan sejak kecil*.

timbang II Jw sj kepala tali pinggang.

timarah Mn kertas timah (sbg pembungkus).

Timb. kep Timbalan.

timba I sj bekas utk mencedok air di perigi dll; ~ *ruang* a) timba utk membuang air di perahu; b) ruang (petak) di tengah-tengah perahu;

*diperlelar ~ ke perigi, tak sekali, sekali pecah = jangan diperlelar
~ ke perigi, kalau tak putus, genting prb jangan diulang-ulang
perbuatan jahat, lambat-laun mendapat sesuatu bencana juga;*

bertimba menggunakan timba, sedang mengambil air dgn menggunakan timba;

~ karang bergaduh (berkelahi), berbuat kecoh (bising); ~ wang Mn hidup senang (mewah);

bertimbakan menggunakan sesuatu sbg timba: *mandi ~ sebiji besen kecil;*

menimba 1. mencedok air (drpd perigi dll) dgn timba: *kebun-kebun yg hampir dgn tebing sungai boleh diairi dgn ~ air drpd sungai; 2.* membuang (mengeringkan) air di perahu dll: *maka selalu ditimba perahu itu, tiada berhenti; 3.* ki mengambil, memperoleh (pengetahuan dll), mencabut atau mencedok (pengetahuan, maklumat, dsb) drpd sesuatu sumber: *pidatonya sangat meyakinkan, ditimba drpd pengalaman sendiri; ini adalah sumber-sumber penting yg mesti ditimba; mereka giat membuka kamus-kamus Sanskrit dan kata-kata bahasa daerah bukan Melayu;*

tertimba dapat ditimba; *tiada ~ tiada dapat ditimba;*

penimbaan perihal (perbuatan, usaha, dsb) menimba: *~ ilmu moden;*

penimba 1. alat utk menimba; **2.** orang yg menimba (air, ilmu dll): *~ ilmu.*

timba II; *~ tasik* a) sj tumbuhan (pokok belukar), lampin budak, mata kesang, taman (tambun) tasik, tenjal (tinjal) tasik, *Clerodendron serratum*; b) sj tumbuhan (herba), berpulut, gembok, magun jantan, rumput gembut, *Adenosma caeruleum*; c) sj tumbuhan

(herba), rumput kucing-kucing, rumput talan, ruku hutan, tasik-tasik, *Adenosma capitatum*.

timbang timbang, banding, imbang; ~ *balik* a) pd kedua-dua bahagian (belah, pihak, dll); b) drpd kedua-dua pihak, saling mempengaruhi (menuntut, mencintai, dll), balas-membalas (tindakan, kesan, dll): *cara hidup dan keperluan hidup manusia mempunyai perhubungan ~ balik antara satu sama lain*; c) ark terbalik-balik, tunggang balik, terjungkir: *babi menggelupur ~ balik*;

setimbang setimpal, seimbang, sepadan: *mereka akan sedia berkhidmat kalau diberi pembayaran yg ~ dgn kebolehan mereka*;

kesetimbangan perihal (sifat atau keadaan) setimbang, keseimbangan, kesepaduan: *perlu ada ~ antara beban kerja dgn upah yg diterima oleh pekerja*;

bertimbang 1. berpadanan (sama tarafnya dll), berimbang; 2. pd kedua-dua belah (bahagian, pihak, sisi); ~ *balik* timbal balik; ~ *jalan* di kiri kanan jalan (bkn pokok dll); ~ *rengka* duduk di sebelah kiri dan kanan rengka supaya imbang;

bertimbangan 1. berimbangan (dgn), berpadanan (sama taraf atau kedudukannya dgn), beriringan: *maka Raja Melaka pun naik ke atas gajah berengka emas, ~ dgn Raja Muda*; 2. = **bertimbang-timbangan** balas-membalas (pantun dll), bersambutan;

menimbang, menimbali membuat supaya seimbang (sepadan dll), mengimbangi, membanding-bandingi;

timbangan 1. penolong ketua dll, naib: ~ *ketua pengarang*; T~ *Perdana Menteri*; 2. imbangan, bandingan, tara, padanan;

penimbang pengimbang; *cadangan* ~ (Eko) cadangan (himpunan) bahan mentah utk mengimbangkan (menstabilkan) harga bahan tersebut.

timbang sama berat, imbang, timbal; *batu* ~ benda yg digunakan utk mengukur berat barang lain; ~ *terima* saling menerima, penyerahan dan penerimaan (tugas, jawatan, tanggungjawab, dll); ~ *tunai* pembelian tunai;

setimbang **1.** sama beratnya; **2.** sama kedudukannya, setaraf (sedarjat, seangkat, dll): *manakan* ~ *anak raja dgn orang kebanyakan?*; **3.** seimbang, setimpal (hukuman, hadiah, dll), sepadan, sebanding: *penghormatan yg diberi kepadanya ~ dgn jasanya kpd negara*; **4.** stabil (keadaan), tetap (tidak berubah-ubah): *keadaan tidak ~ dlm ekonomi Malaysia boleh disebabkan oleh turun naik harga getah dan bijih timah*;

setimbangan sesuai dgn;

menyetimbangkan menjadikan setimbang (seimbang, sama berat, dll);

kesetimbangan **1.** perihal (keadaan) setimbang, keseimbangan; **2.** ketenteraman (fikiran, perasaan, dll), kestabilan (keadaan): ~ *keadaan politik dan ekonomi*;

bertimbang berimbang, bertimbal: *keuntungan itu ~ dgn kerugian*; ~ *rengka* bertimbal rengka; ~ *tanda* bertukar tanda (ketika bertunang); ~ *tunai* prb menjawab dgn tepat;

bertimbang-timbang berkira-kira atau berfikir-fikir (tentang buruk baik sesuatu): *Zainab takjub sendiri kenapa dia tidak ~ menerima sahaja segala pelawaan itu*;

bertimbangan **1.** berimbangan, berpadanan, berpatutan, bersesuaian; **2.** bersambutan, berbalas-balas, saling bertukar; ~ *kata* berbalas-balas kata, jawab-menjawab; ~ *pandang* bertukar pandang, saling berpandangan; ~ *rasa* bertimbang rasa, bersimpati. ~ *tanda* bertukar tanda (sbg tanda sudah bertunang); ~ *taruh*

menyamakan taruh (taruhan); ~ *terima* menjalankan timbang terima (penyerahan dan penerimaan tugas dll);

menimbang 1. menentukan (mengukur) berat sesuatu benda (dgn menggunakan dacing dll): *pekedai itu ~ gula sebanyak yg dikehendaki pembelinya*; **2.** memikirkan (merenungkan) dgn teliti akan baik buruk sesuatu: *janganlah awak susahkan perkara saya itu, saya boleh ~nya sendiri*; ~ *perkara* meneliti (mengadili) perkara; **3.** mengingat (akan), mengenang (akan), mengacuhkan, mengendahkan: ~ *keadaan yg genting ini, tindakan harus diambil dgn tegas*; *tahu ~ rasa* a) halus perasaan hatinya; b) ada atau menaruh belas kasihan, berlaku adil; ~ *sama berat* prb menghukum dgn adil;

timbang-menimbang 1. memikirkan baik-baik, meneliti atau mengkaji (cadangan, masalah, dll), memikirkan berulang-ulang; **2.** dgn memperhitungkan (mengingat) perasaan orang, menimbang rasa;

menimbangkan 1. menimbang; **2.** = **mempertimbangkan** memikirkan utk membuat kesimpulan (keputusan dll): *kerajaan sedang ~ permintaan orang-orang yg berkehendakkan tanah; kepentingan orang lain harus juga dipertimbangkan*; **3.** menimbang utk;

mempertimbangkan 1. memikirkan utk membuat kesimpulan (keputusan dll), menimbangkan; **2.** memberikan utk ditimbangkan, meminta utk ditimbangkan: *peraduan novel itu dipertimbangkan kpd Dewan Bahasa dan Pustaka*;

timbangan 1. imbangan, banding, tara; ~ *badan (nyawa)* kekasih; ~ *kira-kira* keterangan yg menunjukkan imbangan antara harta dan tanggungan, kunci kira-kira; *batu ~ = anak ~ batu* menimbang, anak dacing; **2.** alat utk menimbang (spt dacing dll); **3.** hasil

menimbang, (ukuran) berat: *harga ditetapkan menurut berat ~ dacing; kalau alat menimbang tidak baik, ~ yg tepat tidak akan diperoleh;* **4.** = **pertimbangan** fikiran (pendapat) yg memperhitungkan buruk baik dll sesuatu: *undang-undang hanyalah membuat ~ yg adil dan saksama antara hak seseorang dgn hak awam; bagaimana ~nya apa pendapatnya (nasihatnya); terserah kpd ~nya sendiri ia sendiri yg harus memikirkan dan memutuskannya; ~nya berat sebelah prb tidak adil;*

pertimbangan fikiran atau renungan mengenai buruk baik dll sesuatu perkara (masalah dll), sbg dasar sesuatu keputusan (tindakan dll), timbangan, perhitungan, perhatian (penelitian): *seseorang pemberita haruslah mempergunakan ~ sendiri utk menilai sesebuah berita; permohonan itu masih dlm ~ kerajaan masih dlm perhatian (penelitian) kerajaan; dewan ~ dewan penasihat;*

penimbangan **1.** perihal menimbang: *neraca kimia ini ialah sejenis alat penimbang yg terlalu tepat ~ nya;* **2.** tempat menimbang barang;

penimbang **1.** orang yg tugasnya menimbang, tukang timbang; **2.** orang yg mempertimbangkan (meneliti) perkara dll, penasihat: *Tok Guru menjadi ~ dan Wan Derus menjadi ketua;* **3.** alat utk menimbang berat sesuatu, timbangan: *selain drpd dacing digunakan juga alat ~ lain.*

timbang rasa perasaan kasih (belas kasihan, setuju, berkenan, dll), simpati: *bantuan yg menandakan ~ terhadap orang-orang yg menderit;*

bertimbang rasa menaruh (menunjukkan) timbang rasa (belas kasihan dll), bersimpati, berlaku adil.

timbang tara (Udg) cara penyelesaian pertelingkahan di luar mahkamah melalui pihak ketiga yg telah dipersetujui oleh pihak yg bertelingkah;

penimbangtaraan penyelesaian sesuatu pertelingkahan oleh pihak ketiga yg dipersetujui oleh pihak yg bertelingkah;

penimbang tara pihak ketiga yg menyelesaikan sesuatu pertelingkahan: *perselisihan antara kesatuan pekerja dan majikan diselesaikan dgn menggunakan ~.*

timbangau; *rangka ~* rangka sambungan (tambahan) pd rangka utama;

menimbangau menyambung (menambah dll) utk memperpanjang atau mempertinggi (rangka perahu dll): *Selampit pun ~lah sebuah penjajap.*

timbel Jw timah hitam.

timbre IB warna suara.

timbrung; Jw **menimbrung** campur tangan (dlm hal orang lain), turut serta berdebat (berkelahi dll).

timbuk ark; **menimbuk** **1.** menampar, menepuk; **2.** memukul telur dsb dgn kuat; **3.** mengacau masakan berkuah sambil mencedok dan menuangnya kembali (utk mengelakkannya drpd berketul, pecah minyak, dsb).

timbul **I** **1.** naik dr dlm air (lumpur dll) hingga tampak pd permukaannya: *ikan itu ~ ke permukaan air dr semasa ke semasa utk menyedut udara;* **2.** terapung-apung pd permukaan air, tidak tenggelam: *untung sabut ~, untung batu tenggelam; batu ~ sj batu yg ringan dan terapung-apung pd permukaan air; beras ~ kulit (kelongsong) padi yg terapung di air;* **3.** terkeluar (tersembul) sedikit dr permukaan yg rata; *gambar ~ gambar (lukisan dll) yg tersembul pd latar belakangnya (ukiran pd batu dll); huruf ~ huruf yg menyembul pd permukaan kertas dll; peta ~ peta yg bahagian-*

bahagiannya menyembul utk menggambarkan keadaan yg sebenar; **4.** ki muncul, keluar, kelihatan: *kuman-kuman ini menyebabkan ~ bengkak-bengkak pd tubuh; hilang-hilang ~ seketika kelihatan seketika tidak*; **5.** terlintas di hati; terbangkit, datang: *dlm hatinya ~ keinginan utk berumah tangga*; **6.** berlaku, terjadi: *pendirian yg berlainan ini menyebabkan kerap ~ perbalahan antara mereka*; **7.** terbit (bulan, matahari); *bulan ~ a) bulan terbit; b) bulan baru (perhitungan kalendar);*

~ tenggelam = tenggelam ~ a) seketika timbul seketika tenggelam (spt benda yg diumbang-ambingkan ombak); b) ki terkadang-kadang tidak, hilang timbul (bkn seseorang, sesuatu kegiatan, dll), ada kalanya beruntung (berjaya dll) dan ada kalanya malang (kecewa dll); c) ki selalu berhutang; d) ki terlalu sibuk (dlm pekerjaan);

bertimbulan timbul merata-rata, banyak yg timbul: *remis pun penuh di tepi pasir itu, ~ sendirinya, maka sebentar dipungut boleh dapat bergantung-gantung; otot-otot ~ di sana sini;*

menimbulkan **1.** menyebabkan timbul (naik ke permukaan air dll): *orang-orang di dlm kapal selam dapat melihat keadaan di atas muka laut dgn tidak payah ~ kapal itu*; **2.** ki mengemukakan (utk diperbincangkan dll), membangkitkan (perkara, persoalan, dll): *beberapa perkara telah ditimbulkan dlm mesyuarat agung kesatuan tersebut*; **3.** ki menerbitkan (membangkitkan) sesuatu perasaan (spt benci, cemburu, gembira, dll): *sifatnya yg kasar ~ rasa benci orang terhadapnya*; **4.** ki menyebabkan berlaku (terdapat) sesuatu kejadian (keadaan, perkara, dll), mengakibatkan, mendatangkan (mengadakan, menjadikan, dll); *~ perang dunia menyebabkan berlakunya perang dunia; ~ kerumitan menyebabkan terdapatnya kerumitan; ~ kesan buruk mendatangkan*

(mengakibatkan) kesan buruk; **5.** Mn menutup kerugian, mencukupi (kekurangan, perbelanjaan, dll), memperbaiki kesalahan (kecuaian dll): *keuntungan ini digunakan utk ~ kerugian dahulu;*

timbangan (S.bina) bentuk ukiran yg lebih tinggi drpd permukaan satah sesebuah karya;

penimbangan perihal (perbuatan dsb) menimbulkan: *cerita akan terus digerakkan utk memasuki peringkat ~ krisis.*

timbul II; penimbul = ~ *raksa* = *apung* ~ jampi dll utk menjadikan orang kebal; *ilmu* ~ ilmu yg mengebalkan orang (dgn menggosokkan raksa pd badan).

timbun himpunan sesuatu yg bertindih-tindih, longgok, tompok(an): *lalat menghurung ~ sampah di tepi parit; se~ batu kerikil;*

bertimbun 1. = **bertimbun-timbun** bersusun bertindih-tindih (menjadi timbun), berlonggok-longgok (bertompok-tompok), beberapa timbun: ~ *sabut di bawah rumahnya*; **2.** ki banyak: *bukunya yg bertimbun-timbun itu tidak akan habis dapat dibacanya*; **3.** = **tertimbun** tertimbus, terkambus; *mati ~ tanah mati tertimbus tanah*; **4.** sl berkumpul (rakyat), berhimpun (beramai-ramai): *maka ~lah Pancagah dgn segala kakanda dan segala anak hulubalang dan segala muda belia;*

bertimbunan bertimbun(-timbun): *sebermula bangkai ~ spt gunung, darah spt laut;*

menimbuni 1. menimbus (lubang dll), menambak, melonggokkan (tanah), menanam (mayat dll): *mereka menggali lubang dan ~ lubang utk menyudahkan rancangan kerja raya*; **2.** menjadi bertimbun (banyak), membuktikan, melimpah-limpah: *ketaman padi telah dilonggokkan ~ macam busut di atas sebidang tikar;*

aku makin merasa cintaku ~ dan memuncak; 3. gemuk (bkn daging), tambun;

tertimbun ditimbun(i), tertimbus (tertanam); ~ *dikais, terbenam diselam* prb a) perihal menyelidiki sesuatu perkara yg tersembunyi; b) menolong seseorang yg dlm kesusahan;

menimbunkan 1. menyusun bertindih-tindih (berlapis-lapis) hingga merupakan timbunan, melonggokkan, menompokkan: ~ *guni berisi pasir hingga merupakan benteng; 2. mengumpulkan banyak-banyak (atau berdikit-dikit hingga menjadi banyak), menyimpan banyak-banyak: ~ keuntungan; janganlah suka menimbunkan kerja pd hari esoknya;*

timbunan 1. tompokan, longgokan: ~ *sampah sarap; 2. barang-barang yg ditimbunkan; 3. tempat menimbun; 4. ki jumlah atau himpunan kerja dsb yg perlu diuruskan yg sudah terlalu banyak;*

penimbunan 1. perihal menimbunkan, pengumpulan (penghimpunan) barang-barang dll: *banyak sungai telah menjadi jangkat akibat ~ pasir dan lumpur yg dibawa air dr hilir sungai; 2. tempat utk menimbun;*

penimbun 1. orang (atau alat) yg menimbunkan (melonggokkan) barang; 2. (tanah, pasir, dll) utk menimbun: *ditimpa tanah ~.*

timburu (Sunda) ark cemburu.

timbus; menimbus menimbuni sesuatu dgn tanah dll, mengisi (lubang dll) dgn tanah dll hingga tertutup, mengambus: *rumah yg buruk tempatnya berlindung itu boleh runtuh dan ~ dirinya anak-beranak; semua lubang tempat air bertakung hendaklah ditimbus supaya nyamuk tidak membiak;*

tertimbus ditimbus, tertimbun, terkambus: *mereka menjumpai tulang gajah yg besar ini ~ di bawah tanah;*

timbusan bahan spt tanah, pasir, batu dsb utk menimbus sesuatu:
mayat itu telah dapat dikeluarkan dr ~ pasir yg tebal;

penimbusan perihal (proses, perbuatan atau kerja) menimbus:
kerja ~ lombong tinggal itu sedang diusahakan oleh sebuah syarikat pemaju perumahan.

timpa; bertimpa-timpa = timpa-bertimpa **1.** bertindih-tindih atau bersusun-susun banyak-banyak; **2.** berturut-turut datangnya (berlakunya): *penyakit pun ~lah datang; mendapat keuntungan dan kemujuran timpa-bertimpa;*

menimpa **1.** menghempap, jatuh menindih (ke atas) sesuatu: *bunyi derauan air hujan ~ atap rumah;* **2.** mengenai (biasanya bkn sesuatu yg menyebabkan kesusahan, penyakit, dll): *mengikut kepercayaan mereka jika adat ini dilangkahi, bahaya dan bencana akan ~; tubuhnya ditimpa panas;* **3.** memukul (dgn senjata dll); **4.** Jk mencuri, merompak;

menimpai menimpa pd: *titik-titik embun ~ daun; besarlah kerugian yg akan ~ mereka;*

menimpakan **1.** menjatuhkan sesuatu supaya menindih (menghempap) sesuatu, menjadikan menimpa; **2.** mempertanggungkan (mengenakan, memikulkan) sesuatu yg tidak menyenangkan (hukuman, kesalahan, dll): *begitu berat hukuman yg ditimpakan padanya;* **3.** Jk mengenakan (pukulan, tetakan): *ia ~ parangnya pd bahu pencuri itu;*

tertimpa **1.** ditimpa (oleh), tertanggung (terbeban, terkena) sesuatu yg menyukarkan (spt penyakit, kemalangan, dll): *setelah ia besar tanggungjawab mengurus hal-hal keluarganya ~ di atas dirinya; badannya menjadi kurus setelah ~ penyakit tersebut;* **2.** = **ketimpaan** Jk terpukul, dicuri, dirompak;

timpaan **1.** tindihan, himpitan (yg kuat): *perkara yg aku tanggung ini lebih berat drpd ~ sebuah gunung*; **2.** beban atau tanggungan (yg menyukarkan); **3.** Jk (barang) curian.

timpal; setimpal **1.** setimpal (seimbang, sepadan, bertimbang), setaraf: *setiap orang yg melakukan kekejaman akan mendapat balasan yg ~; penghormatan yg diberikan kepadanya ~ dgn kedudukannya dlm masyarakat*; **2.** sesuai, layak: *padang itu tidak ~ utk perlawanan bola sepak*;

menimpali **1.** membuat supaya menjadi setimpal, mengimbangi, menimbangi; **2.** membalas (perbuatan baik atau jahat);

timpalan imbangan, banding.

timpani sj gendang satu muka yg berbentuk pasu, terutamanya digunakan dlm orkestra Barat.

timpanum (Bio) gendang telinga.

timpas I **1.** = *air* ~ = *surut* ~ air yg paling surut (surut yg paling rendah); **2.** kering (perigi, sungai, dll); **3.** ki habis sama sekali (wang, tenaga, dll): *kerana terlalu asyik berjudi akhirnya ~ segala harta benda*.

timpas II Mn; **bertimpas-timpas** bertimpa-timpa, berturut-turut (menghadapi ujian, penderitaan, dll).

timpuh; bertimpuh = *duduk* ~ duduk dgn melipatkn kedua-dua belah kaki dan dgn punggung di atasnya, bersimpuh: *Normah ~ di atas tikar, suaminya bersila di hadapannya*;

timpuhan keadaan bertimpuh, simpuhan.

timpuk Jk; **menimpuk** melempar, melontar;

menimpuki melempari, melontari.

timpus makin kecil (tirus) ke hujung atau ke bawah.

timu ark; **timu-timu** yg selayaknya (sebaik-baiknya, sewajarnya).

timun sj tumbuhan (pokok menjalar), mentimun, *Cucumis sativus*; ~ *cina* tembikai;

bagai ~ dendang, di luar merah di dlm pahit prb mulut manis hati busuk; □ → □ mentimun I.

timun-timun 1. sj ikan laut, *Lutjanus decussatus (vitta)*; **2.** sj ikan laut, *Scolopsis bilineatus*; → □ **mentimun II.**

timur I 1. arah tempat terbitnya matahari; ~ *laut* arah di antara timur dan utara; ~ *menenggara = ~ tenggara = ~ padang* arah di antara timur dan tenggara; *angin ~ = angin timuran* angin yg bertiup dr sebelah timur; *bintang ~ bintang Zuhrah (Kejora)*; **2.** Asia; *bangsa (benua, orang) ~ bangsa (benua, orang) Asia: baik di Barat mahupun di T~ kebanyakan bangsa mempunyai tarian klasik masing-masing;*

T~ Dekat negara-negara Asia yg hampir dgn benua Eropah (spt Turki dll); *T~ Jauh* negara-negara Asia yg terjauh dr benua Eropah (spt China, Jepun, dll); *T~ Tengah* negara-negara yg berhampiran dgn Terusan Suez (spt Mesir, Jordan, Syria, dll); ~ *beralih ke sebelah barat* prb laki-laki menurut perintah perempuan;

ketimuran yg berkaitan dgn bangsa atau benua Asia, bersifat dll Timur (Asia); *adat(budi pekerti) ~ adat (budi pekerti) bangsa Asia.*

timur II; *kayu ~ kulit kayu* yg dibuat ubat (drpd pokok *Peltophorum petrocarpum*).

tin I 1. kepingan drpd logam (biasanya berlapis timah): *baldi dibuat drpd plastik atau ~*; **2.** bekas yg dibuat drpd logam yg berlapis timah: ~ *minyak tanah; ~ rokok; ~ susu; buah ~ buah dlm tin; susu ~ susu dlm tin;*

bertin-tin beberapa banyak tin: ~ *susu tepung juga telah dihantar sbg bantuan kecemasan kpd mangsa banjir itu;*

mengetin membubuh atau menaruh ke dlm tin: *kerja-kerja ~ dilakukan oleh mesin;*

mengetinkan menyimpan (makanan, buah-buahan) dlm tin yg dipateri supaya tahan lama: ~ *makanan*; ~ *nanas*;

pengetinan kerja (proses dsb) mengetin atau mengetinkan: ~ *buah-buahan*.

tin II sj tumbuhan (dan buahnya), ara, *Ficus carica*.

tinaih Kd menindas (kutu, dll) dgn menggunakan kuku ibu jari.

tinak I = *akar* ~ sj tumbuhan (pokok renek yg menjalar yg akar dan daunnya dibuat obat), tenak, *Myxopyrum nervosum*.

tinak II; meninak K1 memukul dgn bertubi-tubi.

tindak 1. Jw langkah: *ia bangun sambil berjalan se~ demi se~ kembali ke kerusinya*; **2.** perbuatan, perlakuan;

~ *pidana* perbuatan jenayah (kejahatan); ~ *-tanduk* a) segala tingkah laku (perbuatan, kelakuan); b) sepak terajang;

bertindak menjalankan usaha (kegiatan dll) utk sesuatu, mengambil langkah-langkah dsb utk mengatasi (menyelesaikan, menentang, dsb) sesuatu, berbuat, berlaku: *ia mahu berfikir panjang sebelum ~ apa-apa*; *ia bersetuju ~ sbg perantaraan utk menyelesaikan pertelingkahan itu*; ~ *sendiri* berbuat (melakukan) sesuatu menurut kehendak sendiri;

menindak ark melakukan sesuatu terhadap;

menindakkan melakukan, melaksanakan, menjalankan: ~ *kekerasan*;

tindakan 1. peraturan dll (yg dilaksanakan), langkah yg diambil (utk mengelakkan, mengatasi, dsb sesuatu): *perintah berkurung merupakan ~ yg berkesan utk mencegah merebaknya rusuhan*; *mengambil* ~ a) melaksanakan (mengadakan) peraturan-peraturan sbg mencegah atau menyelesaikan sesuatu; b) bertindak; **2.** perbuatan, sesuatu yg (telah) dilakukan: *negara Komanwel telah*

membincangkan ~ kerajaan Rhodesia Selatan mengisytiharkan kemerdekaannya tanpa persetujuan kerajaan Inggeris;

~ *pentadbiran* (Udg) tindakan yg perlu dilakukan utk melaksanakan dasar dan maksud perundangan; ~ *perusahaan* tindakan spt mogok dan bekerja lambat-lambat, yg diambil oleh para pekerja kerana tidak berpuas hati terhadap kadar gaji yg diterima, suasana kerja dsb; ~ *susulan* langkah (gerakan dsb) yg diambil (dilakukan) selepas mendapat maklumat (laporan dsb) atau berikutan drpd sesuatu; ~ *tatatertib* hukuman yg dikenakan terhadap seseorang yg melanggar peraturan tatatertib perkhidmatan, organisasi dsb.

tindak balas tindakan yg diakibatkan oleh suatu tindakan lain;

~ *berbalik* (Kim) tindak balas kimia yg berlaku mengikut dua arah yg berlawanan; ~ *fotokimia* (Kim) tindak balas yg disebabkan oleh cahaya; ~ *kimia* perubahan kimia yg berlaku apabila satu atau lebih bahan bertindak balas bagi menghasilkan satu atau lebih bahan baru (lazimnya disertai pembebasan atau penyerapan tenaga); ~ *kondensasi* (Kim) tindak balas yg berlaku antara satu molekul dgn molekul yg lain utk membentuk molekul yg lebih besar (dgn menyingkirkan molekul kecil spt air dll); ~ *nuklear* (Fiz) tindak balas yg melibatkan perubahan dlm nukleus sesuatu atom; ~ *penambahan* (Kim) tindak balas yg melibatkan penambahan molekul pd ikatan berganda tanpa penyingkiran sebarang molekul kecil; ~ *penggantian* = ~ *penyesaran* (Kim) tindak balas yg melibatkan pertukaran sesuatu unsur atau radikal dgn unsur atau radikal lain; ~ *rantaian* (Kim) sj tindak balas kimia yg berlangsung mengikut mekanisme langkah demi langkah, secara berturutan, dgn setiap langkah menjana bahan reaktif yg menyebabkan langkah seterusnya berlaku; ~ *redoks* (Kim) tindak balas

penurunan dan pengoksidaan yg berlaku serentak dlm sesuatu tindak balas kimia; ~ *tak berbalik* (Kim) tindak balas kimia yg berlangsung mengikut satu arah;

bertindak balas berlaku tindak balas: *kalsium karbonat ~ dgn asid hidroklorik utk menghasilkan karbon dioksida, air dan kalsium klorida*;

menindakbalaskan melakukan tindak balas, menjadikan bertindak balas: ~ *asid hidroklorik dgn kalsium karbonat*;

penindakbalasan proses menindakbalaskan sesuatu.

tindan = tindan-tindih;

bertindan 1. bertimbun-timbun (bertindih-tindih) dgn tidak teratur: *pokok-pokok yg ditebang bertindan-tindan dan bertumpang tindih merata-rata*; **2.** mencakupi atau meliputi bahagian-bahagian (aspek, bidang, dsb) yg sama (setidak-tidaknya sebahagiannya);

menindankan menimbunkan, menindihkan: *padi yg berguni-guni itu ditindankannya di atas penjemuran*;

pertindanan 1. keadaan dsb bertindan; **2.** keadaan meliputi bahagian (aspek, bidang, dsb) yg sama setidak-tidaknya pd sebahagiannya, keadaan mencakupi bahagian-bahagian tertentu yg sama: *terdapat ~ antara beberapa kategori*.

tindan-tindih cakupan atau liputan yg sebahagiannya sama, pertindanan;

bertindan-tindih bertindih-tindih dgn tidak teratur: *puluhan ribu mati berkaparan ~*.

tindas; menindas 1. menghimpit (menekan) dgn kuat: ~ *kutu*; **2.** membuat dgn sekehendak hati (dgn kejam dll) terhadap, memeras, memperkuda, menganiaya: *ia menerangkan bahawa pemberi pinjaman wang dapat ~ petani-petani dgn berbagai-bagai cara*; **3.** menumpaskan (pemberontakan dll), menguasai (menghapuskan

dll) dgn kekerasan, menekan: *parti komunis melaksanakan ajaran-ajaran Lenin utk ~ kebebasan peribadi; pergerakan-pergerakan utk mendapatkan kemerdekaan bagi negeri itu ditindas oleh kerajaan penjajah;*

tertindas ditindas, ditekan (dikuasai) dgn kekerasan: *rakyat yg lama ~ itu akhirnya menentang pemerintah penjajah;*

tindasan **1.** hasil perbuatan menindas, tekanan; **2.** tembusan atau rakaman surat (stensil dll);

penindasan perbuatan menindas: *dlm pemerintahan diktator kerap berlaku ~ kebebasan dan hak-hak asasi manusia;*

penindas orang dll yg menindas.

tindawan Mn cendawan.

tindih; bertindih **1.** bersusun yg satu di atas yg lain, berlapis-lapis: *beberapa fail tersusun bertindih-tindih di atas gerobok; ~ bangkai (mayat) bangkai (mayat) bertimbun-timbun; ~ bersusun bertompok bersusun-susun; ~ riba (dgn) = ~ paha (dgn) duduk berdekatan (berdampingan) dgn; jatuh ~ jatuh yg satu menghempap (menimpa) yg lain; 2.* berasak-asak, berdekatan-dekatan, rapat-rapat (penuh sesak): *berkampunglah segala isi negeri, sekalian itu habislah ia berkampung penuh sesak, bertindih-tindih; berjalan ~ berjalan berasak-asak (berjejal-jejal) rapat; duduk ~ (bertindih-tindih lutut) duduk rapat-rapat; 3.* mencakupi atau meliputi aspek-aspek dsb yg sama atau serupa;

tindih-bertindih saling menghimpit (menghempap);

bertindihan tindih-bertindih;

menindih **1.** meletakkan sesuatu di atas: *surat-surat di atas meja itu ditindih dgn sebuah buku supaya tidak berserakan ditiup angin;*

2. menekan dr atas, menghempap, menghimpit, menimpa: *ahli gusti itu merebahkan lawannya dan ~nya kuat-kuat; 3.* ki

menindas, memeras, menganiaya, menyusahkan: *di sini ada orang yg hidup dgn keuntungannya dan ada yg hidup terus terlantar, yg satu ~ yg lain; yg rebah ditindih* ki yg sudah malang (miskin) bertambah malang (miskin); *ditindih yg berat, dililit yg panjang* prb tidak berupaya melepaskan diri drpd kekuasaan orang (drpd kemalangan dll);

tindih-menindih 1. hempap-menghempap, timpa-menimpa; 2. tindas-menindas, saling menganiaya;

tertindih 1. menindih (atau ditindih) dgn tidak sengaja: *dia disengat akibat ~ lipan apabila memusingkan badan*; 2. ditindih (ditekan atau diasak dr atas), terhempap: *dia ~ olehnya ketika mereka sedang nyenyak tidur*; 3. ki mengalami kesusahan, tertekan, terhimpit: *barangkali limpahan batik fesyen baru di pasaran menyebabkan batik keluaran syarikatnya ~*;

tindihan himpitan, tekanan, tindasan;

ketindihan 1. tertindih, tertekan; 2. Jk tidak dapat bergerak-gerak ketika sedang tidur;

pertindihan perihal atau keadaan mencakupi atau meliputi aspek-aspek dsb yg sama: *~ fungsi*;

penindihan perihal menindih, penghimpitan, penekanan, penindasan;

penindih alat utk menindih (kertas, surat, dll): *~ kertas*.

tindik; bertindik berlubang atau sudah dibuat lubang halus pd sesuatu bahagian tubuh spt telinga dan hidung (supaya boleh dipakaikan anting-anting dsb): *~ telinga* istiadat melubangi cuping telinga;

menindik melubangi (mencucuk) sesuatu bahagian tubuh spt telinga dan hidung: *supaya dapat memakai subang, telinga hendaklah ditindik*;

menindikkan membuat supaya seseorang bertindik: *terdapat kedua-dua istiadat tersebut, iaitu menyucikan Raja Ahmad dan ~ dua orang puteri baginda Sultan Mansur Shah;*

penindikan perihal atau perbuatan menindik: *~ cuping telinga anak perempuannya.*

tindis; menindis, menindisi 1. meletakkan sesuatu di atas, menindih: *kertas-kertas itu ditindisi dgn sebuah batu; 2. menekan, menimpa, menindas: drpd pandangan yg dilayangkannya itu, aku bisa menangkap kemurungan yg sedang ~ jiwanya;*

tertindis tertekan, tertindih: *~ perasaan.*

ting bunyi spt loceng kecil (wang logam jatuh ke lantai dll).

Ting. kep Tingkatan: *~ 4.*

tinga Mn kurang pendengaran.

tingau I sj jarum drpd buluh atau tanduk utk menyirat (merajut) jala, cuban.

tingau II sj tumbuhan (pokok), ceremai burung (hantu), galan, sekincak, selusuh, tingas, tinjau, *Leptonychia heteroclita (glabra).*

tinggal I 1. diam (di), menetap: *sejak dr kecil lagi ia ~ di bandar itu; saya ~ di rumah ayah saudara saya; 2. terus berada di (tidak berundur dr), masih ada (di sesuatu tempat): saya tidak boleh ~ lama di sini kerana banyak kerja di rumah; esok siapa mahu ~, ~lah, saya mahu pergi juga; 3. yg ada lagi, bakinya, berbaki, bersisa: setelah ditolak segala perbelanjaan ~ tiga puluh ringgit sahaja; kuih yg dihidangkan habis dimakannya, tidak ada yg ~; 4. terkebelakang (drpd orang lain dll), ada di belakang, tidak turut maju (naik darjah dll): mereka semua terus maju ke hadapan, kita juga yg ~; murid yg lulus dlm peperiksaan dinaikkan darjah, yg gagal ~; 5. sudah berlalu (lampau), tidak berlaku atau kedapatan lagi (bkn peristiwa, keadaan hidup, dll): corak masyarakat yg kuno*

itu sudah ~, diganti dgn cara hidup yg moden; 6. tetap (kekal, selalu) spt hal atau keadaannya yg sedia (yg demikian): akibatnya yg kaya bertambah kaya dan yg miskin ~ miskin; tidak ~ tidak selalu (sentiasa); 7. mengabaikan, melalaikan, melupakan, mencuaikan: ia sangat beribadat orangnya dan tidak ~ sembahyang; tidak ~ tidak mengabaikan: 8. hanya perlu ..., tidak payah membuat apa-apa kecuali ...: persediaan menyambut hari raya sudah siap, ~ menanti harinya sahaja; 9. terpulang (terserah, terletak) pd, bergantung pd: kata putus mengenai perkara ini ~ pd pengurus syarikat; 10. yg didiami (diduduki); rumah (tempat) ~ rumah (tempat) yg didiami; 11. yg dikosongkan (ditinggalkan): maka adalah kelakuan negeri itu spt negeri ~, sunyi tiap-tiap kedai dan pasarnya; ladang ~;

~ arwah sudah meninggal; ~ baka yg ada hanya keturunan; ~ tulang sangat kurus;

bertinggal = ~ kata berpesan (sebelum berangkat);

meninggal = ~ dunia kembali ke rahmatullah, mati: ayahmu yg telah ~ itu janganlah dikenangkan sangat;

meninggali 1. menduduki, mendiami: rumah itu sekarang ditinggali oleh cucu-cicitnya; 2. membiarkan tinggal sesuatu (utk), memberi pusaka: Raja Umar ditinggali baginda belanja emas urai empat kati;

meninggalkan 1. membiarkan (mendiamkan) sahaja pd tempatnya (keadaannya dll), tidak membawa pergi: mereka terpaksa ~ anak isteri di kampung utk pergi ke bandar mencari pekerjaan; 2. pergi dr, berundur dr, menjauhkan diri dr: ia mula ~ tempat itu; kereta api bergerak semula ~ stesen Seremban menuju Kuala Lumpur; 3. membiarkan berbaki, menyisakan: tidak dihabiskan makanan itu, ditinggalkan sedikit utk anaknya; 4. memberi (kpd), mewariskan,

memberi (bekas-bekas, kesan, dll), mengakibatkan: ~ *pesanan*; ~ *harta*; *sindiran itu begitu tajam sehingga ~ kesan yg dalam di hatinya*; **5.** membiarkan sahaja (tidak mengambil, mempergunakan, dll), melepaskan (peluang, kesempatan, dll): *sekarang aku berasa kesal kerana ~ peluang baik itu dahulu*; **6.** sudah melebihi (melampaui, melewati, mendahului, mengatasi): *dlm banyak lapangan, bangsa lain telah ~ bangsa Melayu*; *dlm menguruskan perkara perkahwinan saudara-mara tidak baik ditinggalkan*; **7.** tidak memasukkan ke dlm pertimbangan (perkiraan dll), mengetepikan, mengesampingkan: *kerana kesuntukan masa, beberapa acara dlm perayaan itu terpaksa ditinggalkan sahaja; ia hanya menyebut masalah-masalah besar dan ~ yg kurang penting*; **8.** membuang (adat dll), tidak memakai atau menjalankan lagi (peraturan, faham, cara, dll), meletakkan (mengosongkan) jawatan dll: *penyajak ini sudah ~ bentuk syair sama sekali; pernah kedapatan gadis bangsa asing ~ agama mereka kerana mengikut laki-laki bangsa kita*; **9.** tidak mempedulikan atau mengendahkan (kewajiban dll), mencuaikan (mengalpakkan, melalaikan): ~ *kewajiban*;

tertinggal 1. terbiar pd tempatnya dll (kerana tidak dibawa sama, tidak hilang, dll): *ia terpaksa pulang kerana kkuatir akan anaknya yg sudah lama ~ di rumah*; **2.** terkebelakang (kerana tidak dapat mengejar atau menyaingi), tercicir: *tidak berapa lama kemudian, hilanglah sudah kapal itu ~ di belakang*; **3.** terdapat sbg baki drpd sesuatu, tersisa: *kerana banyak jemputan tidak hadir, banyak makanan yg ~ begitu sahaja*; **4.** terabai, terbengkalai: *banyaklah kerja-kerja yg ~ kerana pekerja-pekerja baru itu tidak dapat menghabiskannya*;

tinggalan 1. sesuatu yg ditinggalkan: *wang ini sahajalah ~ ayahnya*; **2.** sisa; **3.** ark = **peninggalan**;

ketinggalan 1. yg tinggal baki, kelebihan, sisa: *belum dijelaskan semua hutangnya, masih ada~*; **2.** tertinggal (dgn tidak sengaja), tidak dibawa dll (kerana terlupa, khilaf, dll), kelupaan: *rokokku tidak ada dlm saku, ~ di kereta*; **3.** terbelakang (dlm pelajaran, kemajuan, dll), tercacir: *apabila sudah khayal tentulah mereka akan ~ dlm pelajaran*; **4.** (telah) ditinggalkan oleh (bas, kereta api, dll): *kami ~ bas dan sampai di sana lewat setengah jam*; **5.** = ~ zaman tidak seimbang (sesuai) dgn keadaan (kebiasaan dll) zaman: *sikapnya tidak membenarkan anak perempuannya bersekolah agak ~ zaman*; *tidak ~ tidak alpa, (lalai, lengah), tidak mahu terbelakang (melakukan sesuatu): ia tidak pula ~ drpd menolong ibu bapanya*;

peninggalan 1. sesuatu yg ditinggalkan, pusaka, warisan: *~nya, sebuah buku, sekarang ini terletak di hadapan saya di atas meja*; *harta ~ harta pusaka*; **2.** = **sepeninggalan** seberangkatan, sepemergian, sesudah matinya: *sepeninggalannya, agama Islam telah tersebar di Samudra*; **3.** sesuatu sisa atau bekas dr zaman dahulu (purbakala): *saya lihat ada sebuah kota batu besar ~ kerajaan Hindu atau Islam agaknya*;

peninggal 1. = **sepeninggal** setelah (berangkat, berlalu), seberangkat, sepergi: *adapun ~ aku keluar ini hendaklah engkau mengatur perang*; *sepeninggalnya datanglah adiknya*; **2.** = **sepeninggal** setelah meninggal (mati): *sepeninggal Suyono beredar mata Leman melihat ke dinding lantaran malu*; **3.** sl yg ditinggalkan, pusaka: *maka datanglah Raja Kida Hindi dgn pelbagai permata ~ datuk neneknya*.

tinggal II; *burung ~ anak sj burung, Cranorrihonus corrugatus*.

tinggam Mn ark sj ilmu (jampi-jampi) utk menjadikan orang sakit (bengkak-bengkak dll) dgn mencucukkan duri ekor pari pd gambarnya;

meninggam mengenakan tinggam.

tinggang sj ikan darat, kenderap, kenjing, *Bagarius bagarius*.

tinggi 1. besar jaraknya di bahagian bawah (tapaknya), jauh ke atas (di atas), lwn rendah: *bangunan tersebut dibina di suatu tempat yg ~; kapal terbang pengebom jenis ini dapat terbang ~; dataran (tanah) ~ dataran (tanah) yg permukaannya jauh ke atas dr permukaan laut; 2. panjang (bkn bangun tubuh dll), lwn pendek: Hasan ~ orangnya; ~ pokok itu 20 kaki; 3. hampir sampai ke tempat yg di atas sekali; matahari telah ~ sudah hampir setengah hari; 4. luhur, mulia: kami berdoa agar tercapai cita-citanya yg ~; budi pekerti yg ~; 5. peringkat atau tingkat atas (bkn pangkat, taraf, dll), sangat baik (mutu dll): mahkamah ~; jawatan ~; martabat ~; sekolah ~; barang-barang bermutu ~; 6. sudah lanjut (umur); usia ~ sudah tua; 7. mahal (harga dll), besar (perbelanjaan dll): pd masa harga getah ~ dahulu rakyat hidup mewah; sara hidup di Eropah lebih ~ drpd di Asia; 8. sudah maju (kecerdasan, tamadun, dll), berada pd tingkatan atas (pelajaran, pengetahuan, dll): bertamadun ~; seni yg ~; 9. angkuh, besar diri, sombong: cakupnya selalu ~; hidung ~ ki bongkak, sombong; 10. halus dan keras (suara), muluk, nyaring: lagu yg ~ hendaklah dinyanyikan dgn suara yg ~; ~ hari hampir tengah hari; ~ hati megah, sombong; ~ rezeki tidak mudah mendapat rezeki; ~ disusupi, rendah dilangkahi = ~ disigai, besar ditebang prb dicari (disiasat) sehabis upaya; ~ kelepur, rendah tikam = ~ gelepur, rendah laga prb banyak cakap tetapi tidak ada buktinya; ~ lawak-lawak prb perihal hidup melampaui kemampuannya*

(kuasanya); *awak rendah sangkutan* ~ prb besar belanja drpd pendapatan; *hendak* ~ *terlalu jatuh*, *hendak panjang terlalu patah* prb orang yg hendak terlalu meninggikan dirinya jatuh (kecewa) juga akhirnya; (yg) ~ *tampak jauh*, *yg dekat julung bersua* prb pemimpin yg bertanggungjawab (yg mendapat pujian dan celaan);

meninggi 1. menjadi tinggi, naik tinggi ke atas: *pokok itu tumbuh membesar dan ~ dr sehari ke sehari*; **2.** menjadi kuat dan nyaring (suara), muluk (suara): *suara orang mengaji semakin ~*; **3.** angkuh, sombong: *cakapnya ~ sahaja*; **4.** menghampiri atau hampir berada pd waktu tengah hari: *hari semakin ~*; ~ *hari tinggi hari*;

setinggi 1. (hingga) sama tinggi, mencapai tinggi: *air di kawasan rumah pengantin lelaki naik ~ 0.6 meter*; *pembangunan itu mengandungi sebuah bangunan pejabat ~ 28 tingkat*; **2.** seberapa tinggi: *mereka dikatakan lebih berminat utk mendapatkan tawaran gaji ~ yg boleh*; *memang saya mahu mencipta nama ~ yg mungkin*;

setinggi-tinggi 1. seberapa banyak yg mungkin, tidak terhingga banyaknya, sebanyak-banyaknya: *baginda mengucapkan ~ terima kasih kpd sekalian rakyat*; *beliau juga mengucapkan ~ tahniah dan penghargaan atas kejayaan sahabatnya itu*; **2.** seberapa tinggi yg mungkin, paling tinggi: ~ *terbang bangau, hinggap ke bubungan juga*;

meninggikan 1. menjadikan tinggi, menambahkan (mutu dll): *bangunan itu telah ditinggikan lagi dua tingkat*; *kerajaan sedang berikhtiar ~ taraf pendidikan dan ekonomi rakyat*; **2.** mengangkat (menyanjung) menjadi tinggi; ~ *diri membesarkan diri*; **3.** mengeraskan atau menguatkan (suara);

mempertinggi menjadikan lebih tinggi; ~ *tempat jatuh*, *memperdalam tempat kena* prb sengaja membesar-besarkan

kesalahan sendiri sehingga mendapat hukuman (kerugian) yg lebih berat;

ketinggian 1. perihal tinggi, taraf (keadaan dsb) yg tinggi: *pendidikan dapat membawa kpd kejayaan dan ~ kedudukan seseorang dlm masyarakat; sastera yg mengagungkan ~ budi*; 2. (tempat dll) yg lebih tinggi duduknya (letaknya): *peti yg berisi jenazah itu diletakkan di tempat yg agak ~ di tengah aula*; 3. terlalu tinggi: *dahan itu tidak dapat dicapainya kerana ~*;

peninggian perihal meninggikan, penambahan (mutu, pendapatan, dll).

tinggung; bertinggung, meninggung duduk di atas tapak kaki dgn kaki berlipat dan punggung tidak diletakkan di lantai, bercangkung, berjongkok.

tingi Jw sj kulit kayu yg dijadikan bahan cat utk mewarnai kain batik.

tingkah I perbuatan yg ganjil-ganjil atau tidak patut, canda, olah, ragam: *ia teringat-ingat ~ kawannya yg cepat menimbulkan marahnya tadi; banyak ~ banyak ragam; salah ~ berlaku tidak wajar; ~ laku (langkah, perangai) gerak-geri, kelakuan, perbuatan: ia disukai orang kerana kehalusan budi bahasanya dan kebaikan ~ lakunya*;

bertingkah 1. melakukan perbuatan yg ganjil-ganjil (buruk dll): *monyet jenis ini suka ~*; 2. berbuat tidak wajar (yg bukan-bukan), berlaku ganjil: *jangan kau ~ terhadapku kerana aku bukan anak kecil lagi*; ~ laku berbuat berbagai-bagai laku, berlaku; 3. = **bertingkah** tidak sekata (seimbang, sehaluan) dgn, tidak sama nadanya dsb (dgn): *memanglah ganjil dan sumbang kalau gong atau gendang ~ dgn dram*.

tingkah II 1. sj gendang; 2. = **tingkahan** a) pukulan gendang dll yg mengiringi lagu, tarian, dsb; b) nyanyi (tepuh tangan dll) yg menyertai bunyi-bunyian;

bertingkah-tingkah, tingkah-meningkah silih berganti, bersahut-sahutan, berselang-selangan: *bunyi katak dan salakan anjing ~ memecah kesunyian malam;*

meningkah, meningkahi 1. memukul gendang dll menyelang (mengiringi) lagu atau bunyi lain; 2. mengiringi (menyahut) lagu dll dgn bunyi lain (alat muzik, tepuk tangan, dll): *suara nyanyian anak-anak perahu ditingkah oleh suara geseran rebab dan kecapi;*

tingkahan pukulan gendang, tingkah.

tingkah III; meningkah 1. membalas (menjawab, menyahut) perkataan orang: *“Aku tidak percaya”, katanya ~;* 2. menyelang (menyampuk, memotong) perkataan orang, membantahi: *maafkan saya kerana ~ semasa tuan sedang bercakap tadi; ia berasa tersinggung kerana sahabatnya ~ pendapatnya.*

tingkal; *garam* ~ sj garam habluran berwarna putih yg dapat larut dlm air (digunakan utk pateri), boraks.

tingkalak Mn sj alat menangkap ikan yg bentuknya panjang merunjung, sj lukah, tengkalak;
~ *menghadap mudik, lukah menghadap hilir* prb segala sesuatu menurut adat kelazimannya.

tingkap lubang angin (di dinding rumah dll) yg boleh dibuka dan ditutup, jendela: *jika banyak ~ banyaklah udara yg dapat keluar masuk;*
~ *kipas* tingkap yg memakai ram-ram atau bidai (tabir); ~ *magun* a) tingkap pd bahagian atas dinding atau bumbung rumah dsb utk dimasuki angin atau cahaya, jendela langit; b) tingkap yg tetap dan tidak dibuka-buka pd perahu, kapal dsb, jendela langit; ~ *panjang* tingkap di sepanjang serambi (beranda); ~ *penangguh* tingkap di bahagian dapur rumah; ~ *peranginan* tingkap di bumbung utk dimasuki angin; ~ *tela* tingkap utk masuk cahaya utk menerangi tela atau ruang rumah;

meningkap melihat dr tingkap;

tingkapan tingkap kecil, lubang utk angin masuk.

tingkar (Sunda); **meningkar** mengelilingi, mengepung.

tingkarah Mn tengkarah.

tingkarang Mn pecahan (periuk dll).

tingkarap → **tengkarap**.

tingkas; *nasi* ~ nasi putih yg dibubuh nasi kunyit (yg berwarna lain) di sekelilingnya.

tingkat 1. lapis drpd sesuatu benda (binaan dll) yg berbentuk bersusun-susun (bertindih-tindih, berlapis-lapis), lantai ketinggian, lenggek (bangunan), tumpuan (tangan dll): *bangunan enam ~ itu akan siap hujung tahun ini; mangkuk ~ bekas yg bertindih-tindih dan dirangkaikan oleh pemegangnya, mangkuk tepen, siya; ~ peraduan lantai yg lebih tinggi letaknya utk tempat tidur; 2. = tingkatan* taraf kedudukan (jawatan, kemajuan, dll), darjat, kelas, pangkat, peringkat: *jabatannya sekarang lebih tinggi ~nya drpd jawatan sebelumnya; kemajuan ekonomi negeri ini sudah mencapai tingkatan yg agak tinggi; ~ hidup* taraf hidup; **3. = tingkatan** batas waktu, perenggan sesuatu kejadian (proses), takat: *rancangan itu masih dlm ~ permulaan;*

setingkat 1. satu tingkat (tingkatan); **2.** = ~ dgn sama tingkatnya atau martabatnya dll (dgn), setaraf (dgn); ~ *demi* ~ sedikit demi sedikit (bertambah dll);

tingkat-tingkat Mn pemijak kaki;

tetingkat kepingan papan dsb tempat meletakkan buku (pakaian, kasut, dsb), rak, para;

bertingkat ada tingkatnya, mempunyai tingkat;

bertingkat-tingkat 1. berlenggek-lenggek, bersusun-susun, bertindih-tindih: *bangunan-bangunan lama dirobuhkan dan pd*

tempatya didirikan bangunan yg ~; 2. berkelas-kelas, berpangkat-pangkat, bertaraf-taraf: kebolehan kanak-kanak dlm pelajaran mereka ~ antara seorang dgn yg lain; kedudukan manusia dlm sesuatu masyarakat lazimnya ~; 3. makin tinggi (naik, sukar, dll) sedikit demi sedikit: dlm tempoh sepuluh tahun pangkatnya naik ~ drpd askar biasa menjadi kapten;

meningkat **1.** menginjak (tangga dll) utk naik ke atas, memanjat (pokok dll), menaiki (basikal dll): *sedang mentuanya membawa perian dan labu ke pancuran, Basanai ~ pintu itu; 2.* mencapai tingkat (angka dll), naik (meninggi, mengatas, dll), bertambah banyak (hebat, penting, dll): *perbelanjaan utk pendidikan ~ dr setahun ke setahun; dgn ini jumlah kematian telah ~ ke angka 79 orang; keriangannya ~ dan ia berdiri memberi pidato tanpa rancangan; 3.* berubah dlm keadaan (masa dll) yg lain: *apabila ~ dewasa anak itu menjadi seorang pahlawan muda yg gagah berani;*

meningkat-ningkat **1.** terus meningkat (bertambah dll): *keuntungan yg diperolehnya ~; 2.* menjadikan bertingkat-tingkat (berlapis-lapis, bersusun yg satu di atas yg lain);

meningkatkan meninggikan kedudukan (taraf dll), membesarkan (pengeluaran dll), memperhebat: *daya usaha ini akan ~ kemungkinan pertumbuhan ekonomi; kerjasama antara parti-parti komponen BN perlu ditingkatkan lagi;*

~ diri membesarkan (mengangkat) diri;

mempertingkat menjadikan lebih tinggi atau lebih besar lagi (kedudukan, taraf, mutu, hasil pengeluaran, dll), menjadikan lebih hebat (giat, erat, dll), memperhebat: *peranan ~ mutu bahasa Melayu tidak terletak di bahu pengkaji dan peminat bahasa*

sahaja; sikap kejam Soviet itu telah menambah keazaman Mujahideen utk ~ perjuangan mereka;

tingkatan tingkat, kelas, peringkat, perenggan, takat; ~ *gaji* peringkat (tingkat) gaji; *orang ~ atasan* orang kelas (golongan) atasan;

peningkatan perbuatan (usaha dsb) meningkatkan atau mempertingkatkan: ~ *daya pengeluaran; ~ hasil jualan; ~ mutu.*

tingkep Jw istiadat dan kenduri pd ketika orang mengandung tujuh bulan.

tingkil I; bertingkil-tingkil bergugus-gugus, bergayut-gayut (buah-buahan).

tingkil II; bertingkil = ~ *hati* berdendam, berdengki.

tingkir; bertingkir bertenggek, bertengger.

tingkis; ~ *hati* bertingkil hati, berdendam, berdengki.

tingkrang Jk ark; **mentingkrang** duduk dgn tidak senonoh (di kerusi dll).

tingkuh Mn; **bertingkuh** berbantah, bertengkar.

tingting I bunyi spt bunyi duit syiling berhantukan.

tingting II sj permainan kanak-kanak yg dilakukan secara melompat-lompat dgn sebelah kaki di petak-petak tertentu yg dilukis.

tingtong bunyi spt bunyi loceng.

tinja Id tahi.

tinjak ark pijak, hentakan kaki.

tinjau I; ~ *karang* sj anjung di perahu (utk melihat-lihat batu karang di laut);

bertinjau-tinjauan tinjau-meninjau;

meninjau 1. memerhatikan (melihat-lihat) sesuatu dr tempat yg tinggi atau dr jauh: *dr tingkat atas bangunan itu ia ~ suasana bandar Kuala Lumpur yg sedang dirayapi malam; dia berdiri di*

pintu meninjau-ninjau ke keliling halaman dan di kejauhan; 2. datang (berkunjung) utk melihat-lihat (mengamat-amati dll), mengunjung (utk mengetahui sesuatu), melawat: ahli-ahli Parlimen diseru supaya selalu ~ kawasan mereka; ibunya selalu ~ ke rumahnya; 3. mengawasi, mengintai, mengintip, menyiasat: pasukan peronda itu ditugaskan ~ gerak-geri penyeludup di sepanjang pantai negeri; 4. memeriksa, mempelajari, meneliti, mengkaji: memang baik kalau kita ~ balik perkara-perkara yg akan memudahkan penyelesaian masalah itu; jika ditinjau dr sudut sastera dapat kita katakan karyanya bermutu; pegawai polis itu meninjau-ninjau buku hariannya; 5. menyelidiki atau menyiasat (pendapat, fikiran, dll), menduga (hati, perasaan): tujuannya hendak ~ pendapat alim ulama mengenai masalah loteri; duduk meraut ranjau, tegak ~ jarak prb tidak berhenti-henti bekerja dgn teliti;

meninjau-ninjau datang atau berkunjung utk mengetahui, mencari, melihat, mengenal pasti dsb sesuatu yg belum pasti kedapatannya: *kemudian mereka ~ kampung di sini kalau-kalau boleh ditubuhkan cawangan baru; puas lelaki itu ~ di luar jendela, namun tiada siapa pun yg kelihatan;*

tinjau-meninjau 1. saling meninjau (lihat-melihat dll); 2. mengamat-amati ke sana ke mari, mengawasi-awasi, berwaspada;

tinjauan 1. perbuatan meninjau: *sebelum membuat kesimpulan harus dijalankan suatu ~ utk mengetahui pendapat umum;* 2. hasil drpd meninjau, pandangan;

peninjauan 1. perihal meninjau; 2. tempat yg digunakan utk kerja meninjau;

peninjau orang yg meninjau; *pesawat ~ Id kapal terbang pengintip.*

tinjau II; ~ *belukar* a) sj tumbuhan (pokok renek), ulai-ulai, *Greenia corymbosa*; b) sj tumbuhan (pokok), cemantung jantan, derumun hitam, jambu arang, medang kelawa (mendung, musang), *Elaeocarpus paniculatus*; c) ki menarik dipandang dr jauh tetapi tidak menarik jika dipandang dr dekat (bkn seseorang): *dia ~ belukar sahaja, apabila dekat tidaklah secantik manapun.*

tinju 1. genggaman tangan (spt hendak menumbuk), penumbuk: *kalau kau menghina aku, ~ku akan segera tiba di hidungmu; adu ~ Id = bermain ~ = peraduan (perlawanan) ~ perlawanan tumbuk-menumbuk; ahli (jago) ~ ahli dlm perlawanan tinju; 2.* pukulan (tumbukan) dgn genggaman tangan: *kepalanya benjol-benjol kena ~ beberapa orang yg menyerangnya;*

bertinju bertumbuk;

meninju memukul dgn tinju, menumbuk: *setelah tertangkap ia ditinju, ditendang-tendang, dimaki-maki lalu diseret ke balai polis;*

meninjukan; ~ *tangan* menggenggam (mengepal) tangan;

pertinjuan perihal bertinju;

peninju 1. tinju, penumbuk: *~nya diangkat ke atas tinggi-tinggi; 2.* orang yg meninju;

petinju orang yg berlawan tinju, ahli tinju: *ia bangga benar spt ~ yg menang di gelanggang.*

tinta dakwat, mangsi: *dicecahkannya pena itu ke dlm ~ lalu ditulis namanya pd sekeping kertas;*

~ *cetak* sj dakwat utk mencetak buku dll; ~ *emas* dakwat yg berwarna spt warna emas.

tinting I; meninting 1. mengetuk (menghempaskan) wang logam hingga berbunyi (kerana hendak menguji palsu atau tidak); **2.** menggoncang-goncang nyiru dll utk memilih beras dll, mengetuk-getuk ayakan dll utk menapis tepung; **3.** ki meneliti (menapis,

menimbang) salah benar atau buruk baik dll sesuatu: *setelah ~ dan menimbang, ia rasa sudah sampai masanya ia menerangkan segala-galanya;*

tintingan tapisan, ayakan (pengayak).

tinting II □ → □ **tingting I.**

tinting III; *burung ~ sungai* sj burung, binti-binti, raja udang, *Alcedo meninting verreauxii.*

tintir sj lampu minyak tanah, pelita: *cahaya ~ di situ tidak berapa terang.*

Tionghoa (orang) Cina; *bahasa (bangsa) ~ bahasa (bangsa) Cina.*

Tiongkok benua China.

tip I 1. sedikit wang atau upah tambahan yg diberikan kpd seseorang, mis pelayan hotel, sbg tanda menghargai khidmatnya: *baki wang membeli rokok itu diberikannya kpd budak itu sbg ~;* **2.** maklumat dalaman yg sangat berguna, terutamanya berhubung dgn pasaran saham, lumba kuda dsb; **3.** bp petua tentang sesuatu spt kecantikan, kesihatan dan masak-memasak.

tip II; *mesin ~ mesin taip;*

mengetip menaip, mengetik; **tik I.**

tip III; mengetip; *~ bola* bp menumbuk bola.

tipa model, corak, jenis: *selalunya yg dibandingkan dlm kajian sastera bandingan ialah karya-karya sastera yg satu jenis atau ~.*

tipai sj tiram, *Pinctada margaritifera.*

tipak I Mn 1. giliran; **2.** bahagian yg dikhaskan (utk); **3.** karib, erat, rapat; **4.** mengenai, berkaitan dgn, tentang;

bertipak 1. (sudah) dibahagi-bahagi; *pusaka itu sudah ~ pusaka itu sudah dibahagi-bahagi (kpd waris-warisnya); 2.* menurut, mengenai; *peraturan bertipak-tipak* peraturan menurut (mengenai) kaum atau pihak yg tertentu.

tipak II ark; ~ *sirih* → **tepak**.

tipar Jk ladang padi, huma.

tipas; menipas Kl menampar.

tipe IB → **tipa**.

tipen (tipén) → **tepen**.

tipikal bersifat spt yg lazim terdapat, merupakan contoh sesuatu jenis (golongan dsb), biasa: *tokoh Pantalone yg secara ~ mewakili saudagar yg kikir*.

tipis 1. tidak tebal, nipis (barang pipih spt kertas, kaca, dll): *bajunya drpd kain ~*; 2. kurang tebal lapisannya (bkn cat dll): *ia memakai bedak sedikit, ~, hampir tidak kelihatan*; 3. kurang padat (bkn asap, awan, dll): *cuaca petang amat baik, awan putih ~ melindungi matahari*; 4. kurang terang (tulisan): *tulisannya ~*; 5. sedikit sahaja (tidak besar), hampir tidak ada: *harapan kita utk melahirkan penulis-penulis yg agung dgn karya-karya yg besar agak ~*; *kemungkinan tercapainya keamanan yg berkekalan sangat ~*; 6. sangat sedikit, tinggal sedikit: *tidak sedar duit ~ di saku kerana asyik berjoli*; *mendapat keuntungan ~ mendapat keuntungan yg sangat sedikit*;

~ *bibirnya* = *bibirnya* ~ ki a) pandai (suka) berkata-kata; b) mudah berkata yg bukan-bukan, lancang mulut, cerewet; ~ *telinga* lekas naik radang (oleh kata-kata yg membangkitkan kemarahan);

menipis 1. menjadi tipis; 2. makin berkurang (menjadi sedikit, menghilang, dll): *harapannya mencapai cita-citanya makin ~*; *kabus di puncak bukit di kampung itu kian ~*;

menipiskan menjadikan tipis (berkurang, hampir habis, dll): ~ *getah dgn mesin*; *perbuatan curangnya ~ kepercayaan orang terhadapnya*;

ketipisan perihal atau keadaan tipis, perihal sedikit sahaja terdapatnya sesuatu: ~ *minat*;

penipisan (proses atau perbuatan) menipis atau menipiskan: *tetrofluorokarbon menyebabkan ~ lapisan ozon*.

tipografi (Cetak) **1.** kerja atau proses menyusun dan menyediakan bahan bertulis utk pencetakan; **2.** gaya, bentuk susunan, dan rupa sesuatu bahan bercetak.

tipologi kajian tentang tipa (model, jenis, golongan, dsb) atau tentang pertalian antara tipa serta sifat atau perwatakan yg terdapat (pd setiap tipa).

tipu perbuatan curang atau kata-kata dusta utk menyesatkan orang, kecoh, muslihat; ~ *daya (helah, muslihat, belit)* berbagai-bagai tipu (perbuatan memperdaya); ~ *semu tipu daya*; ~ *Acheh gurindam Barus* prb tipu muslihat yg halus dan licin;

menipu mengenakan tipu, memperdaya, mengecoh: *ia dituduh ~ orang ramai dgn menjual barang-barang palsu; ditipu tegak-tegak ditipu benar-benar*;

tertipu (telah) ditipu;

tipuan perihal menipu, tipu: *banyak orang yg hidup sengsara akibat kemiskinan dan ~ orang*;

penipuan **1.** perbuatan menipu: *sukatan dan ukuran piawai dapat mencegah ~*; **2.** perkara (kejadian) menipu: *berbagai-bagai cerita tentang ~ telah dilaporkan kpd polis*;

penipu orang yg menipu.

tipus sj tumbuhan (pokok dan buahnya), kelumpang, nyamuk, medang berhulu, menggading, *Meliosma elliptica*.

tir sj buah catur, benteng.

tirah **1.** pergi ke tempat lain (utk berubat dll); **2.** pergi mengungsi;

petirahan tempat utk berubat atau utk beristirahat supaya pulih kesihatan; **tetirah**.

tirai 1. kain yg berumbai-umbai tepinya (perhiasan langit-langit tempat tidur atau tempat duduk pengantin dll): *kerja menghias pentas persandingan, langit-langit, ~, hamparan sudah siap*; **2.** kain yg dipasang labuh hingga ke lantai (utk menutup pintu, menyekat ruang, dll), tabir: *~ ini membahagikan ruang tengah menjadi dua buah bilik*;

~ belakang latar belakang (sesuatu perbuatan, perkara, dll); *~ besi* garis (sempadan) yg mengasingkan negara-negara blok komunis dgn negara-negara blok lain; *~ kelambu* kelambu tempat tidur; *~ -mirai* berbagai-bagai jenis tirai;

bertirai berpasang tirai, bertabir: *pentas itu belum ~*;

bertiraikan menggunakan sesuatu (kain dsb) sbg tirai, bertabir: *ruang itu ~ sehelai kain yg besar*.

tirak sj tumbuhan (pokok), beras-beras, betutu, ceremai burung, jerak, jerak merah (putih), kelantang, *Eurya japonica (acuminata)*.

tirakat Ar memencilkan diri ke tempat yg sunyi, berkhalwat, bertarak.

tiram I sj lokan (binatang berkulit kapur) yg boleh dimakan isinya; jenis-jenisnya: *~ bakau, ~ batu, ~ kera, dll*;

petiraman tempat longgokan tiram.

tiram II sj ikan laut, *Clupea kanagurta (Alosa kanagurta)*.

tirani corak pemerintahan yg zalim (oleh pemimpin negara, puak, dll) yg menggunakan kekuasaan sesuka hati.

tiras guntingan benang (kain dll), benang yg berjurai-jurai pd tepi kain dll;

bertiras-tiras berbenang-benang pd tepinya (kain dll yg sudah lama digunakan).

tirau Mn sj hantu yg jahat.

tiri (anak, bapa, ibu) yg tidak ada perhubungan darah, bukan (anak, bapa, ibu) sendiri.

tiris 1. bocor (atap, perahu, bekas air, dll): *bumbung rumahnya ~; dijahit layar mana yg robek, biduk ditambal mana yg ~*; **2.** meleleh (menerusi lubang atau celah), menitis, menitik-nitik: *air dlm tanah terus ~ menerusi bumbung gua itu; air digenggam tiada ~ prb sangat berhati-hati mengeluarkan wang;*

tirisan tempat yg tiris;

ketirisan kebocoran: *~ atap rumah; ~ rahsia.*

tirjup; *burung ~ sj burung, burung balai, burung papak, Lanius spp.; ~ rimau, Lanius tigrinus; ~ rimba, Lanius bucephalus; ~ tanah, Lanius cristatus.*

tirkah (barang-barang) peninggalan, pusaka.

tiroid; *kelenjar ~ (Bio) organ (terletak di bahagian hadapan leher) yg mengeluarkan sj hormon utk mengawal kadar pertumbuhan badan.*

tiroidéktomi (tiroidéktomi) (Ubat) pembuangan kelenjar tiroid secara pembedahan.

tiroiditis (Ubat) radang pd kelenjar tiroid.

tiroksina (Bio) hormon yg disintesis di dlm kelenjar tiroid, mengandungi iodin, dan diperlukan utk pertumbuhan tubuh yg normal.

tiru; *~ teladan* (sesuatu yg menjadi) contoh, teladan;

meniru 1. mengikuti perbuatan (perkataan, gaya, cara, dll) orang dll, mencontoh, meneladan: *kanak-kanak dgn senang dapat membentuk sesuatu tabiat dgn jalan ~; ahli kelakar itu berkelakar dgn ~ cara bangsa lain bercakap;* **2.** membuat sesuatu yg bukan asli (tulen), memalsukan: *orang Jepun dapat ~ berbagai-bagai jenis barang buatan Eropah; ~ tandatangan orang;*

meniru-niru mengikut-ikut (perbuatan dll orang), menyamanyamai: *pd sangka mereka itu, sekalian ilmu mengarang itu suatu*

pekerjaan yg ringan, boleh mendapat dgn mendengar-dengar dan ~ sahaja;

tertiri-tiru terikut-ikut: *dgn ~ sikap seseorang boleh menjadi kafir;*

tiruan 1. perbuatan meniru; **2.** hasil meniru (bukan asli atau tulen), hasil drpd usaha membuat sesuatu yg sama atau hampir sama dgn yg asli ; *getah ~ getah buatan (bukan getah asli); sutera ~ sutera buatan (bukan sutera asli);*

tiru-tiruan suka meniru-niru: *ia mesti berpunca drpd jiwa dan lubuk hati pelakornya sendiri dan bukan semata-mata ~;*

peniruan perihal (proses, perbuatan) meniru: *kami tidak menggalakkan ~ terus teknik Jepun ataupun falsafah pengurusan dan kebudayaan mereka;*

peniru orang yg meniru: *kita akan menjadi ~ Barat yg sentiasa taat.*

tiruk I sj ikan laut, *Pellona spp.*

tiruk II sj tombak (tempuling) yg lurus matanya (utk menangkap ikan).

tiruk III; *nyamuk ~ sj nyamuk yg membawa kuman penyakit malaria, Anopheles spp.*

tiruk IV; *burung ~ sj burung, Capella magala.*

tirus makin kecil ke hujung, lancip, runcing: *keris ini mempunyai mata yg panjang serta ~ ; kaki ~ ;*

menirus menjadi tirus, melancip, meruncing: *di bahagian kiri terbentang sebidang sawah yg ~ hilang ke belakang tanjung;*

meniruskan menjadikan tirus, melancipkan, meruncingkan;

penirusan perihal meniruskan, pelancipan, peruncingan.

tis Jw; *panas ~ panas sejuk (penyakit demam malaria).*

tisik; menisik, menisiki menjerumat (kain dll yg koyak);

tisikan 1. yg sudah ditisik; **2.** cara menisik; **3.** hasil menisik.

tisu 1. sekumpulan sel pd haiwan atau tumbuhan yg mempunyai bentuk dan struktur yg serupa yg sama-sama melakukan sesuatu fungsi tertentu; ~ *badan*; ~ *otot*; ~ *saraf*; **2.** = *kertas* ~ kertas yg nipis, lembut, dan sangat mudah menyerap, yg biasanya digunakan sbg sapu tangan dsb.

titah bd kata (raja), perintah (raja); *menjunjung* ~ menjalankan perintah (raja); ~ *diraja* titah Ke bawah DYMM Yang di-Pertuan Agong dlm Parlimen yg menerangkan dasar pemerintahan dan rancangan kerajaan; ~ *perintah* sl berbagai-bagai titah (raja);

bertitah berkata, memberi perintah: *maka raja pun ~ kpd segala menteri*; ~ *lalu sembah berlaku* prb jika kita turut kehendak orang, kehendak kita pun akan diikutnya pula;

menitahkan memerintahkan, menyuruh: *maka raja China pun ~ utusan ke Melaka*.

titanium (Kim) sj unsur logam yg berwarna putih, mulur, tahan kakis, dan digunakan dlm pembuatan aloi ringan dan sbg agen pengoksidaan dan elektrod.

titar; **bertitar-titar** sl bergerak ke sana sini dgn pantas: *maka Tun Tuah pun segera berbangkit lalu berdiri ~ di hadapan Taming Sari*.

titi = **titian** jambatan (drpd batang pokok, papan, dll), lorong kecil (sempit) yg dilapiki papan (batu dsb) tempat berpijak sewaktu berjalan: *sepotong batang kelapa dijadikan ~ di atas parit itu*; ~ *udara* jambatan udara;

bertiti mempunyai (ada) titi: *longkang yg besar itu tidak ~*;

bertitikan mempunyai sesuatu sbg titi: *parit itu ~ batang pokok kelapa*;

meniti 1. berjalan di titi, berjalan di lorong (di jalan sempit) yg berlapikkan kayu (batu dsb): *Saufi ~ batang kayu di atas sungai itu dgn hemat hingga sampai ke tebing*; **2.** ki menjalani, mengharungi

(perlahan-lahan); **3.** ki menjalar, merebak, meresap: *perlahan-lahan ~lah perasaan kesedaran dlm dirinya; tiadalah hairan jika nama gadis itu ~ dr satu lidah ke satu lidah anak-anak muda; ~ buih* a) sudah hampir separas bibir perahu dgn permukaan air (bkn perahu yg sarat); b) ki membuat sesuatu yg sukar;

titian 1. titi; **2.** ki sesuatu yg menjadi penghubung antara dua pihak dll;

~ *berakuk* tipu muslihat (utk memperdaya orang);

~ *air polongan asap* prb orang pengantara yg menolong kita mencari keuntungan dll; ~ *biasa lapuk, janji biasa mungkir* prb janji tidak harus dipercayai kerana boleh dimungkiri; *membuat ~ berakuk* prb berusaha mengenakan tipu muslihat utk mendatangkan bencana kpd seseorang.

titiang Jw hamba, patik.

titih □ → □ **petitih.**

titik I 1. titis, derai (air dll): *drpd kelopak matanya mengalir ~~~ air mata meminta belas kasihan; hujan masih turun setitik-setitik*; **2.** = **bertitik** keluar atau jatuh berderai-derai: *hujan ~ semula dan kilat sesekali memancar; darahnya ~ ke bumi*;

~ *buta* (Ubat) bahagian retina yg tidak peka terhadap cahaya; ~ *lidah* sl perkataan; ~ *peluh* penat lelah (usaha yg bersungguh-sungguh); ~ *drpd mulutnya* sl dikatakan (diucapkan, dijanjikan, dll); ~ *selera* sangat inginkan (sesuatu makanan);

biar ~ jangan tumpah prb biar menanggung kerugian kecil jangan menanggung kerugian besar; *takut ~ lalu tumpah* prb hendak mengelakkan kerugian kecil akhirnya mendapat kerugian besar; ~ *ditampung, meresap dipalit* prb pemberian atau penghasilan meski sedikit pun akan diterima jua;

bertitik, menitik menitis, berderai: *hujan mulai menitik, mula-mula setitik-setitik kemudian mencurah-curah; dititik belah, dipalu datar* prb kerusakan yg tidak dapat diperbaiki lagi;

menitiki menitiskan (air dll) pd;

menitikkan menjatuhkan (menyebabkan ke luar) bertitik-titik, menitiskan (air dll): *dokter itu mencuci matanya dan ~ ubat ke dlm kelopak matanya;*

titikan titisan (air dll);

penitikan perihal menitikkan sesuatu, penitisan.

titik **II** **1.** tanda yg bulat halus (utk menunjukkan tempat berhenti membaca, tempat tumpuan, dll), noktah: *di hujung tiap-tiap ayat hendaklah dibubuh ~;* **2.** ki sesuatu (keadaan, perkara, hal, ketika, dll) yg penting (khusus, menarik perhatian, dll): *tidak ada ertinya kami berbahas lanjut-lanjutan, tidak akan bertemu ~ pengertian;* pd satu ~, pengiktirafan dan mutu tidak dapat dipisahkan; ~ *api* Id tumpuan pertemuan sinar yg dibalikkan atau dipecahkan oleh kanta; ~ *bengik* kecil, remeh, tidak penting: jangan terlalu cenderung dgn hal-hal yg ~ bengik; ~ *bertindih* tanda yg terdiri drpd dua titik bertindih (tanda :) digunakan dlm penulisan sebelum memperkenalkan atau menyenaraikan sesuatu; ~ *cuali* = ~ *neutral* (Fiz) suatu tempat di antara dua kutub magnet di mana tidak terdapat medan atau kesan magnet; ~ *didih* Id tingkat suhu apabila sesuatu cecair mendidih; ~ *dua* titik (noktah) bertindih (tanda:); ~ *kata* kata pemutus, keputusan; ~ *koma* tanda koma dgn titik di atasnya, koma bernoktah (tanda ,); ~ *mata* a) titik (tempat) pd sesuatu yg menjadi tumpuan pelihatan mata; b) ki sesuatu yg menarik perhatian (minat) orang ramai; ~ *menengah* ark titik pusat; ~ *pangkal* = ~ *tolak* perkara yg menjadi bahan atau yg digunakan utk membuka perbincangan (huraian dll) mengenai sesuatu,

sesuatu yg menjadi dorongan atau permulaan bagi sesuatu (usaha, kegiatan, dll); ~ *peralihan* sesuatu yg menjadi atau menandakan permulaan sesuatu perubahan atau perkembangan baru; ~ *permulaan* sesuatu (hal, keadaan, kejadian, kejayaan, pengemukaan, dll) yg menjadi punca atau asas utk mencapai sesuatu yg lebih besar (yg selanjutnya); ~ *perpuluhan* tanda titik di antara dua rangka yg mengasingkan angka se(satuan) dgn pecahan perpuluhan; ~ *persamaan* unsur-unsur (bahagian-bahagian) yg menampakkan persamaan (antara beberapa pendapat dll); ~ *persilangan* (Mat) tumpuan pd persilangan dua garis (tempat bersilang dua garis); ~ *pusat* Id titik di tengah-tengah bulatan dll; ~ *sentuh* (Mat) tumpuan (tempat) garis kena (bersentuh) pd sempadan (batas) bulatan; ~ *tolak* = ~ *pangkal*; *tidak tentu ~ komanya* ki tidak tentu hujung pangkalnya (bkn percakapan seseorang);

menitik membubuh tanda titik.

titik III; bertitik dipukul, ditempa; *emas* ~ emas yg ditempa;

menitik 1. memukuli (besi, emas, dll) berkali-kali, menempa: *orang yg hendak dihukum bunuh terlebih dahulu dititik semua tulang sendinya sehingga hancur*; ~ *emas*; **2.** bp memukul (kerana mendenda), merotan: *kalau kau tidak ke sekolah esok aku titik sampai teruk*.

titik berat 1. Id pusat berat sesuatu benda; **2.** ki perkara yg sangat penting atau diutamakan;

menitikberatkan mementingkan, mengutamakan: *beliau menyeru rakyat supaya lebih ~ kepentingan negara drpd kepentingan sendiri*;

penitikberatan perbuatan menitikberatkan sesuatu.

titik tolak perkara yg menjadi bahan atau yg digunakan utk membuka perbincangan (huraian dll) mengenai sesuatu, sesuatu yg menjadi dorongan atau permulaan bagi sesuatu (usaha, kegiatan, dll);

bertitik tolak **1.** bermula: *persoalan itu harus ~ dgn mengenal pasti punca masalahnya*; **2.** berpunca: *pihak polis mendapati bahawa kes pembunuhan tersebut ~ drpd motif yg sama.*

titimangsa Jw ark hari bulan, tanggal, tarikh.

titinada Id tanda nada (lagu), not.

titip; menitip, menitipkan **1.** memberikan sesuatu utk disimpan (disampaikan kpd orang lain dll), mengamanahkan: *surat itu tidak kami kirim dgn pos melainkan kami titipkan kpd seorang kenalan; dia ~ anaknya kpd jirannya semasa dia ke bandar*; **2.** menyerahkan (barang dagangan) supaya dijualkan;

titipan sesuatu yg dititipkan (diamanahkan): *wang ini ialah ~ ibuku kpd aku.*

titir I bunyi canang (gendang, ketuk-ketuk, dll) yg bertalu-talu yg menandakan ada bahaya dll;

menitir memalu (canang, gendang, dll) bertalu-talu: *maka orang ~ gendang raya, sekalian orang pun berkampung.*

titir II; titiran Jk baling-baling, bulang-baling.

titir III; ketitir, ketitiran sj burung, burung merbuk;

bertitir, menitir berbunyi (bkn burung ketitir); → **ketitir.**

titis I titik (air dll): *dgn tidak disedarinya air matanya jatuh beberapa ~;*

bertitis = menitis;

bertitisan menitis dgn banyaknya: *embun jantan ~ membasahi bumi; air matanya dibiarkan ~ membasahi pipi;*

menitis jatuh setitik demi setitik (air dll), menitik, bertitik(-titik): *air hujan masih lagi ~ drpd daun-daun kayu di keliling rumah itu;*

menitisi menitis pd, menitiki;

menitiskan menyebabkan (menjatuhkan) bertitis-titis, menitikkan: *apabila lada dan bawang sudah masak baru dititiskan cuka sekadarnya;*

titisan **1.** sesuatu yg menitis: *direnunginya ~ air hujan bersambung-sambung turun drpd bumbung biliknya;* **2.** = ~ darah keturunan; ~ *pena* karangan, ciptaan (sastera).

titis II Jw; **menitis** berpindah ke tubuh manusia (binatang dll), menjelma (bkn jiwa);

titisan penjelmaan;

penitisan **1.** perihal menitis, penjelmaan (perpindahan) jiwa; **2.** ilmu (kepercayaan) mengenai hal menitis.

titisara Jw tanah kampung (hasil yg diperoleh digunakan utk keperluan kampung).

titit bunyi spt bunyi kod Morse pd radio: *perisik-perisik itu mendengar-dengarkan bunyi ~ drpd radio yg bererti ada orang yg menerima atau mengirim berita.*

tituler (titulér) IB mempunyai gelaran tetapi tidak menjalankan tugas yg terkandung dlm gelaran tersebut; *jenderal ~ bergelar jenderal tetapi bukan pegawai dlm tentera.*

tiub I **1.** benda yg bulat panjang dan berlubang di tengahnya, torak: ~ *kaca (getah);* **2.** sj bekas drpd plastik dll yg digunakan utk mengisi cecair yg likat dsb: ~ *ubat gigi;* **3.** bahagian dlm tayar basikal dll; ~ *Fallopio* (Bio) satu drpd sepasang tiub yg membawa ovum dr ovari ke dlm rahim mamalia (termasuk manusia); ~ *pengering* (Kim) tiub yg diisi dgn bahan pengering spt kalsium klorida, dan digunakan utk mengeringkan gas atau wap; ~ *sinar katod* (Fiz) sj peranti yg digunakan utk memaparkan data atau maklumat yg terhasil drpd pesongan elektron dlm tiub vakum; ~ *vakum* (Fiz) sj

tiub yg divakumkan dan mengandung beberapa elektrod utk mengawal pengaliran elektron;

bertiub mempunyai tiub.

tiub II sistem kereta api bawah tanah, terutamanya di London.

tiung 1. = ~ *mas* = ~ *bukit* sj burung, *Gracular religiosa*; **2.** = ~ *belacan* sj burung, burung gua, burung kuborriba, burung siput, gagak gunung, *Myophoneus caeruleus*; **3.** = ~ *gajah* = ~ *batu* sj burung, *Eurystomus orientalis*.

tiup 1. hembus, hembusan (angin, udara); **2.** bp sembur (jampi-jampi);

tiup-tiup sj alat bunyian yg dibunyikan dgn meniup, sj wisel;

bertiup 1. bergerak (angin), berhembus, mengalir: *angin laut ~ dgn kencangnya*; **2.** ki merebak (khabar angin), tersebar (berita): *dgn segera berita yg ~ kencang itu disampaikannya kpd ketuanya*; **3.** Mn berkerumun; ~ *orang melihat* berkerumun orang melihat;

meniup 1. mengeluarkan nafas (udara), menghembus: *langsir merah di tingkap itu bergerak-gerak ditiup angin drpd luar; dia memarakan api dgn ~nya; ~ belon* mengembungkan belon dengan nafas dll; **2.** membunyikan (alat bunyian dll) dgn menghembus udara menerusnya: *tangan kiri memukul gendang, tangan kanan meningkah, mulutnya ~ serunai; pengadil permainan bola memberhentikan permainan dgn ~ wiselnya panjang-panjang*; **3.** = **meniupi** bp menyembur (bomoh yg memanterai): *bomoh itu ~ku keras-keras sehingga air ludahnya menjiprat mukaku*; **4.** = **meniup-niup** ki membangkitkan, menggalakkan, mengobarkan (semangat, permusuhan, dll): *beliau telah berusaha ~ semangat baru kpd pelajar-pelajar Melayu*;

meniupkan 1. menghembuskan: *angin ~ debunga itu drpd stamen berpindah ke stigma*; **2.** menyemburkan (mantera), mengenakan jampi-jampi: *dibaca-bacanya dan ditiupkannya tiga kali*; **3.** ki

membangkitkan (mengobarkan) semangat, menggalakkan (perselisihan, pertengkaran, dll): *karangannya ~ semangat berkhidmat dgn tidak mementingkan diri sendiri;*

tiupan 1. perihal bertiup, hembusan: *~ angin pagi itu telah beransur kencang;* 2. hasil meniup, bunyi (trompet dll) kerana ditiup: *malam itu riuh-rendah dgn ~ trompet dan petikan gitar;* 3. yg ditiup: *alat ~ ;*

peniupan perbuatan meniup: *~ emosi yg kuat boleh menyebabkan orang ramai terpengaruh dgn seruan itu;*

peniup 1. alat yg menerusinya ditiupkan udara; 2. orang yg meniup (alat bunyian): *ia bekerja sbg ~ trompet di sebuah kelab malam;* *~ kaca* orang yg berkemahiran meniup kaca separa lebur utk menghasilkan bentuk-bentuk tertentu, spt botol dsb.

tiup-tiup sj tumbuhan (pokok yg kayunya dibuat papan dll), *Adinandra clumosa.*

tiwikrama Jw = **bertiwikrama** 1. berusaha sedaya upaya agar tercapai maksud (cita-cita); 2. bertukar (menjelma) jadi raksasa dll (dlm cerita wayang): *rakyat jelata lantas bergerak, bumi dan angkasa Perancis gementar dan pecah seakan-akan Krishna bertiwikrama.*

Tj. kep Tanjung.

Tkt. kep Tingkat.

TKO kep *technical knockout* (iaitu keputusan memberhentikan perlawanan tinju oleh pengadil apabila salah seorang peserta tidak lagi berdaya utk meneruskan perlawanan, dan mengisytiharkan kemenangan kpd lawannya): *beliau yg tewas melalui ~ dlm pusingan ke-11 kelmarin tetap ghairah utk menghadapi perlawanan ulangan.*

Tl simbol kimia bagi talium.

Tm simbol kimia bagi tulium.

Tmn. kep Taman.

Tn. kep Tuan.

TNB kep Tenaga Nasional Berhad.

TNI kep Tentera Nasional Indonesia.

TNT kep trinitrotoluena.

toaha C kain kecil yg dililit di lengan baju (sbg tanda bersedih dll).

tobak ark; **bertobak** berpepat atau berkerat kuku (yg pertama sekali);

menobak memepat (mengerat) kuku.

tobat bp taubat.

tobji sl orang yg menembak meriam, penembak meriam.

toblos Jk; **menoblos** mencucuk (menusuk) sehingga tembus; **tobros.**

toboh Mn kelompok, regu, rombongan, (se)kawan;

bertoboh-toboh beregu-regu, berkelompok-kelompok, berkawan-kawan: *bermain dgn ~ atau berkumpul-kumpul.*

tobralko IB, bp sj cita.

tobros Jk tembus, terobos;

menobros melantas terus, menembus, menerobos (barisan dll): *~ lapisan orang yg berdesak-desak di depan pintu;*

penobrosan perihal menobros, penerobosan; **terobos, toblos.**

tocang C **1.** kepong rambut (anak perempuan dll), dandan; **2.** Kd, Pn ekor kuda (fesyen rambut);

bertocang 1. mengepang rambut, mendandan: *seorang gadis Cina yg ~ panjang;* **2.** mengikat tocang (ekor kuda).

toclait bp = *lampu* ~ lampu suluh yg menggunakan baterai, lampu picit.

todak sj ikan laut (bermuncung panjang lagi tajam spt mata tombak),

Tylosurus spp.; yu ~ sj ikan yu, yu gergaji, Pristiophorus spp.

todang Jh, Mn; **bertodang** berhambus, nyah.

todi sj minuman yg memabukkan (dibuat drpd nira nyiur yg dimasamkan);

kaki ~ orang yg kuat minum tadi; *mabuk* ~ mabuk kerana minum tadi.

todong Jk; **menodong** mengarahkan senjata kpd (utk mengancam):

perempuan itu ditodong dgn pistol oleh laki-laki yg masuk tadi;

menodongkan mengarahkan (senjata spt pistol dll) kpd, mengacukan kpd: *ia ~ pistolnya kpd saya.*

Toe Chew suku kaum Cina yg berasal dr selatan Shantou, tenggara China, dan tinggal di merata tempat di dunia.

TOEFL kep *Test of English as Foreign Language* (Ujian Bahasa Inggeris sbg Bahasa Asing).

tofi sj gula-gula keras dan lekit, biasanya berwarna perang yg dibuat drpd campuran gula, mentega dsb yg dimasak.

toga sj baju labuh yg lebar lengannya (sbg pakaian rasmi mahaguru, hakim, dll).

togak Kl sj gergaji (tangan) yg pendek.

togal sj pasak (baji) utk menetapkan ikatan (tali dll).

togan ark; **menogan** melontarkan (guli, gundu, dll) menuju ke sasarannya.

togel (togél) tidak berekor: *ayam* ~;

menogelkan memotong ekor; **dogel**.

togog → **togok II**.

togok I 1. batang kayu yg sudah dibuang dahan-dahannya; 2. tubuh yg tidak bertangan dan tidak berkaki;

bertogok duduk dgn diam.

togok II sj lampu (drpd botol dll); ~ *damar* kaki pelita.

togok III sj ikan laut, sebelah, *Psettodes erumei*.

toh I Jk titik atau cacat pd kulit (hitam atau kemerah-merahan warnanya).

toh II IB, bp kata utk menguatkan maksud (kadang-kadang sama ertinya dgn namun): *lihatlah mereka ~ tidak bisa terbang.*

Toh III; ~ *Puan* gelaran atau panggilan kpd isteri seorang yg bergelar Tun.

tohmah = **tohmahan** tuduhan yg berdasarkan syak wasangka, tuduhan yg melulu: *dia tidak terlepas drpd ~ mereka;*

mentohmah membuat tuduhan yg melulu: *Siti Haida menceritakan bahawa dlm masa menjanda dirinya pernah ditohmah dan difitnah.*

tohok I 1. sj tombak (tempuling) yg dibubuh tali; **2.** tusukan tombak yg miring dan arah ke bawah;

~ *tanggung ke baruh (bawah)* prb, Mn mudah mencelakakan orang yg di bawah perintahnya; ~ *raja tiada dapat dielakkan* prb kehendak orang besar tidak dapat ditolak;

menohok menusuk miring (dgn tombak dll) arah ke bawah;

~ *kawan seiring* prb mencelakakan kawan sendiri; ~ *sepeninggal ciling* prb sudah selesai pekerjaan baru teringat bagaimana yg baik mengerjakannya;

menohokkan melemparkan (menusukkan) tombak dll arah ke bawah; ~ *lembing ke semak* prb (pekerjaan yg) sia-sia.

tohok II; *bintang* ~ bintang pari (gugusan bintang yg merupakan salib di sebelah selatan).

tohok III; ~ *dengkak* = ~ *langi* sj ikan laut, *Scombero moridae*; *pari* ~ sj ikan laut.

tohok IV Kl; **menohok** membuang: *ikan buruk jangan ditohok.*

tohor 1. tidak dalam, cangkat, tohor, dangkal: *sungai* yg ~; **2.** Mn tidak berair kerana ditimba dll, hampir kering; **3.** Mn habis (wang dll); *kapur* ~ kapur hidup; ~~~ *sealahan* prb tiap-tiap kerja itu hendaklah diselesaikan satu-satu (selesai satu barulah dibuat yg lain);

bertohor Mn berkering; *tidak ~ kaki (kain)* sentiasa sibuk bekerja; *~ air liur* sudah banyak memberi nasihat tetapi tidak juga berkesan;

menohorkan 1. Mn mengeringkan; 2. membawa ke tempat yg tohor (cangkat, cetek);

ketohoran 1. perihal tohor, kekeringan; 2. ki kehabisan (wang dll).

toi Kd main galah panjang.

tojah Kd; **menojah** menjolok, menikam;

tertojah terjolok, tertikam; *~ duri* terkena duri.

tojang ark tunjang.

tojeng (tojéng) Pr kurus tinggi: *budak itu tinggi dan ~*.

tojin C sj penganan yg dibuat drpd kacang.

tojoh → **tojah**.

tojok; *bola ~* sj permainan memukul bola-bola dgn kayu (di atas meja), biliard;

menojok 1. menyodok; 2. meninju, menonjok.

tok; **tok-tok** 1. bunyi spt bunyi pukulan dua keping buluh (Cina penjual mi dll); *mi ~ mi* yg dijaja dgn membunyikan tok-tok; 2. tong-tong.

tokak I sj penyakit kulit, borok;

bagai ~ lekat di kening prb malu yg tidak dapat disembunyikan;

bagai rupa ~ dibasuh prb sangat buruk rupa;

bertokak menghidap tokak.

tokak II; **menokak** menggigit (bkn anjing, harimau, dll).

tokak III 1. sj ikan laut, *Bodianus diana*; 2. sj ikan laut, *Choerodon schoenleini*.

tokak IV; *~ -takik* bertakik-takik; → **takik**.

tokca, **tokcai** Kl sami (Siam).

tokcan; *main ~* sj permainan kanak-kanak.

tokeh (tokéh) bp saudagar, tauke: *nak lawan ~ bp a) hendak melawan (bersaing atau bertanding dgn ketua atau seseorang yg lebih pandai (cekap dsb); b) hendak menunjukkan kepandaian (kemahiran dsb).*

tokek (tokék) I Id sj binatang spt cicak (besarnya spt mengkarung) yg kulitnya kasar.

tokek (tokék) II → **takik, takuk.**

tokek (tokék) III sj kudis di kepala.

token kepingan logam atau plastik berbentuk duit syiling yg digunakan sbg bayaran utk menjalankan mesin tertentu: *sampai di sana, dia menuruni tangga, memasukkan ~ dan berdiri menanti kereta api.*

toko kedai tempat dijual barang dagangan; ~ *buku* kedai buku;

bertoko berjual barang-barang di toko.

tokografi (Ubat) rakaman berbentuk graf tentang kekuatan dan kekerapan kontraksi rahim ibu sebelum melahirkan anak.

tokoh I 1. rupa atau keadaan yg tampak pd zahirnya, bentuk dan sifatnya, macam atau jenis: *menara masjid yg ~nya spt payung akan terbuka; 2. = ~ badan* bentuk atau keadaan badan, susuk tubuh, perawakan: *~ badannya spt orang Arab; macam ~ awak ini sudah patut berpangkat sarjan; 3. gaya, lagak: ~ pula orangnya; 4. ki orang yg kenamaan (dlm apa-apa bidang spt bidang politik, kebudayaan, agama, dll), orang yg terkemuka, penganjur: dgn kekuatan peribadinya ia menjadi ~ yg berkuasa dan dihormati oleh kawan dan lawan;*

bertokoh 1. berbentuk, berupa, berwujud: *tidak ada seorang pun antara mereka yg ~ politik; 2. Kd, Pl (kelihatan) bergaya, hebat, tampan: ah, ~ sungguh orang itu dgn pakaian rasminya;*

bertokohkan mempunyai seseorang sbg tokoh: *kebanyakan novel Pram sebelumnya yg tidak ~ remaja;*

menokoh ark menjadi bertokoh: *~ benar mereka dgn pakaian itu;*

menokohi ark menjadi tokoh pd (cerita, filem): *watak Minah yg ~ cerita itu merupakan simbol wanita Melayu;*

menokohkan menjadikan tokoh: *~ Ibrahim sbg lambang iman yg menang dlm menghadapi iblis;*

ketokohan perihal tokoh: *Tuan Hess mempelajari roman dan perawakan serta ~ si Misai.*

tokoh II kecoh, tipu; *kena ~ kena kecoh (tipu), tertipu;*

menokoh mempermainkan, memperolok-olokkan, mengecoh, menipu: *si pandai ~ si bingung;*

penokoh orang yg suka mempermain-mainkan (memperolok-olokkan), pengecoh, penipu.

tokok I tambahan sedikit (sewaktu menimbang, mengukur, dll);

bertokok mendapat imbuhan, ada ekstra, bertambah: *ia menghidap penyakit demam malaria dan ~ pula dgn sakit perut; ~ pula bertambah pula, tambahan pula;*

menokok memberi tokok, menambah, mengimbuhan: *ia ada wang utk ~ kekurangan itu; ~ pengetahuan menambah pengetahuan;*

tokokan sesuatu yg ditokok, tambahan, imbuhan;

penokokan perihal menokok, penambahan, pengimbuhan;

penokok orang yg menokok, penambah, pengimbuhan.

tokok II = **penokok** alat menukul paku dll, martil, penukul, tukul;

menokok memalu, memukul, mengetuk, menukul; *~ gamelan memalu gamelan; ~ kawat Id berkirim telegram;*

tokok-menokok 1. ketuk-menetuk, pukul-memukul; **2.** ki saling mencela (salah-menyalahkan dsb).

tokok tambah tambahan (yg sedikit-sedikit);

bertokok tambah bertambah-tambah;

menokok tambah menambah-nambah;

penokoktambahan perihal atau perbuatan menokok tambah:
disebabkan kekurangan yg berlaku, maka terjadilah aktiviti ~.

tokol KI ketul atau buku besar; **tongkol**.

tokong I 1. tidak ada ekornya (ayam dll); 2. terkerat rambutnya (orang perempuan sbg satu hukuman); 3. memakai rambut pendek (orang perempuan).

tokong II pulau kecil yg terdiri drpd batu karang (tidak ada tumbuh-tumbuhan); ~ *pulau* gugusan pulau-pulau kecil.

tokong III Mn jendul, tonjol.

tokong IV 1. bp topekong; 2. rumah topekong.

tokpekong (tokpékong) → □ **topekong**.

toksemia (toksémia) (Ubat) keracunan darah, terutamanya yg disebabkan oleh toksin bakteria.

toksik beracun: *bahan-bahan ~, asap dan bahan buangan kimia yg menyebabkan pencemaran alam;*

ketoksikan keadaan atau tahap (darjah) beracun: *logam strontium dan lantanum mempunyai kelarutan dan ~ yg rendah; komponen virus dlm vaksin influenza mempunyai ~ yg menyebabkan rasa sakit di tapak suntikan dan demam.*

toksikologi sains perubatan yg mengkaji tabii dan tindakan racun.

toksin (Ubat) bahan beracun yg dihasilkan oleh bakteria dlm organisma hidup atau mati yg boleh menyebabkan penyakit tertentu.

toksoplasmosis (Ubat) sj penyakit yg disebabkan oleh jangkitan parasit *Toxoplasma gondii* yg boleh mengakibatkan seseorang itu mengalami jaundis, dan pembesaran hati dan limpa dan badannya menggigil-gigil dan terkejang-kejang.

toktok batang kayu yg diberi berongga (diletakkan di surau dll) dan diketuk utk memanggil orang sembahyang dll.

tol bayaran yg dikenakan kerana menggunakan jalan raya, jambatan, dsb.

tolak 1. dorong, sorong; *kereta (gerabak, pedati)* ~ kereta dll sorong; *wang* ~ wang suap (sogok); 2. kurang, potong; *kira-kira* ~ kira-kira bkn mengurangi angka; *tanda* ~ tanda utk mengurangi (-); ~ *ansur* = ~ *raih* saling menuruti (memberi); ~ *bahara (bara)* pemberat sbg pengimbang dlm perahu; ~ *bala* penangkal bahaya (bencana, penyakit, dll) dgn doa, kenduri utk menjauhkan bencana dll; ~ *balik* a) pulang pergi; b) menghantar kembali (barang-barang dll); ~ *senjata* sl wang atau pemberian-pemberian yg lain yg diberikan oleh penduduk kpd musuh supaya jangan dilanggar (diganggu dll); ~ *sumpah* Mn sj hiasan kalung (dokoh); ~ *tepi* ditinggalkan dan tidak dipedulikan, tidak masuk kira;

bertolak 1. berangkat, belayar: *kami* ~ dgn perahu besar esok paginya; 2. pergi, beralih dr, pergi meninggalkan, berangkat: *dia* ~ petang ini dr Lapangan Terbang Subang; 3. bermula (dgn sesuatu sbg asas), berpunca, berpangkal: *sistem sosialis* ~ drpd pendapat bahawa nasib rakyat hanya boleh dibaiki kalau kerajaan campuran dlm ekonomi; *definisi pula perlu* ~ drpd dua sudut pandangan;

~ *ansur* saling menuruti (memberi), berkompromi; ~ *belakang (dgn)* berpisah dan saling membelakangi (spt seorang ke utara seorang lagi ke selatan); ~ *pinggang* Jk bercekak pinggang; ~ *punggung* berangkat, pergi;

bertolak-tolak Mn saling membebankan orang lain (kesalahan, pekerjaan, dll), saling melepaskan tanggungjawab;

bertolak-tolakan saling menolak antara satu sama lain: *orang ramai berasak-asakan dan* ~ utk membeli tiket perlawanan akhir bola sepak pd malam itu;

menolak 1. mendorong, menyorong: *mereka datang beramai-ramai* ~ motokar saya hingga selamat; 2. mencegah (bahaya dll),

mengelakkan atau menangkis (serangan dll), menangkal (penyakit dll): ~ *serangan musuh*; ~ *bencana bah*; **3.** tidak mahu menerima (meluluskan, mengabulkan, membenarkan), tidak membenarkan (pendapat), menampik: *pinangannya ditolak orang*; *rezeki jangan ditolak*; *pendirianmu itu saya tolak keras*; *mazhab purisme bahasa memperlihatkan kecenderungan ~ unsur asing*; **4.** = **menolakkan** menghalau, mengusir: *isterinya ditolak dr rumahnya*; **5.** mengurangi, membuang, memotong: *ia hanya menerima beberapa ratus ringgit sahaja drpd gajinya apabila ditolak cukai pendapatan dan hutang-hutangnya*; *harga ini boleh ditolak sedikit boleh dikurangi sedikit*; ~ *bala* menjauhkan bala dgn berdoa dll; ~ *tuah* melepaskan peluang yg baik;

tolak-menolak bertolak-tolakan;

menolakkan **1.** mendorongkan, menyorongkan: *maka dibawanya Sang Naya ke atas kota tinggi lalu ditolakkannya keluar*; **2.** membebankan pekerjaan (tanggungjawab): *jangan ditolakkan kesilapan itu kpd orang lain, awak sendiri yg bertanggungjawab*; **3.** mengurangkan, membuang, memotong;

tertolak dapat atau berupaya menolak: *dia tidak ~ seorang diri keretanya yg rosak di tepi jalan*;

tolakan **1.** desakan ke depan, dorongan, sorongan; **2.** sesuatu yg sudah ditolak, tampikan; **3.** potongan, surutan (harga dll);

penolakan perihal (perbuatan dsb) menolak(kan), penampikan, penangkalan, penangkisan, pencegahan, pengurangan: ~ *pemakaian tenaga atom dlm peperangan*;

penolak sesuatu yg menolak, alat utk menolak, penangkal, penangkis, pencegah.

tolap ark; **bertolap** bersulam, bertekat.

toleh (toléh); ~ *tengala* waktu antara pukul 8-11 pagi;

menoleh berpaling atau berpusing muka ke kiri (ke kanan atau ke belakang) utk melihat, menengok ke sisi atau ke belakang: *dia berjalan terus dgn tidak ~ ke kiri ke kanan pun;*

menolehkan; ~ muka memalingkan (muka);

tertoleh-toleh menoleh berulang kali: *dia kelihatan asyik ~ ke kanan dan ke kiri menyoroti orang-orang yg hilir mudik;*

pertolehan; ~ hari sl masa pagi (lebih kurang pukul 9) atau petang (lebih kurang pukul 3 petang).

tolek (tolék) sakit telinga; → **torek**.

toleran sedia menghormati atau menerima pendapat (pendirian dsb) orang lain yg berbeza drpd pendirian (pendapat dsb) sendiri: *orang Melayu sangat ~ .*

toleransi sifat (sikap) toleran: *ada ~ antara berbagai-bagai keturunan penduduk Malaysia;*

bertoleransi mempunyai atau menunjukkan toleransi: *Islam telah menyediakan garis panduan yg jelas utk membina suatu masyarakat yg bersatu padu, ~ dan maju; kerajaan tidak akan ~ lagi jika masih ada pihak yg cuba mewujudkan kawasan setinggan baru.*

tolo ark → □ **tulu**.

tolok I bandingan,imbangan (yg sama), tara: *tidak ada ~ bandingnya;* *alat ~ sj alat utk mengukur kuasa atau kuantiti hujan (arus, angin, dll); ~ hujan alat yg digunakan utk mengukur banyaknya air hujan;* ~ *Sulaiman sl sj azimat;* ~ *tekanan* alat utk menguji atau mengukur tekanan sesuatu, mis stim;

setolok sama tingkatnya (kedudukannya dll), sebanding, seimbang, setara; *tiada ~ (dgn) tidak sebanding (dgn), tidak seimbang (setara) dgn;* *kunci ~ anak kunci yg sesuai dgn berbagai-bagai kunci (mangga);*

bertolok berbanding, berimbang; *tidak* ~ tidak ada yg menyamainya, tiada samanya, tiada dua;

menolok menyamakan (ukuran, timbangan) dgn ukuran (timbangan) yg sebenarnya;

penolok 1. imbangan, yg sama; 2. ukuran yg dipakai sbg piawai.

tolok II IB, bp jurubahasa.

tolok III sj tumbuhan (pokok kecil yg buahnya boleh dimakan), gayam (Sunda), *Indocarpus edulis*.

tolol bp bodoh sangat, tebal; *si* ~ orang yg sangat bodoh;

ketololan kebodohan, kebalan.

tolong = *minta* ~ minta bantuan (sokongan);

tolong-bertolong, bertolong-tolongan, tolong-menolong bantu-membantu, saling membantu;

menolong, menolongi 1. membantu (dgn tenaga, wang, fikiran, dll): *sedangkan ke sawah menolongi aku yg hina ini kau tak berasa gentar dan malu; aku tidak mempunyai wang utk ~mu; sewaktu memunggah barangnya ke dlm lori Wak Seman ditolongi tetangganya*; 2. melepaskan diri drpd bahaya dll, menyelamatkan: *dialah yg ~ aku drpd mati lemas*; 3. dapat meringankan penderitaan dll, dapat menyembuhkan drpd penyakit dll, dapat menyelamatkan drpd bahaya dll: *bantuan doktor yg diminta tidak dapat ~nya; ~ wang (fikiran, tenaga) menolong dgn wang (fikiran, tenaga); menolongi nyawa* melepaskan diri drpd bahaya maut;

tertolong (sudah) ditolong, diselamatkan;

tolongan ark = **pertolongan**;

ketolongan peroleh pertolongan hingga selamat: *agar ibunya ~* ;

pertolongan perihal (perbuatan dsb) menolong, sesuatu (yg digunakan) utk menolong, bantuan, sokongan: *dgn rahmat dan ~*

Allah; ~ *cemas* pertolongan yg mula-mula dilakukan bagi merawat seseorang yg mendapat kecederaan (akibat kemalangan dsb);

penolong 1. orang yg menolong (membantu), pembantu: *guru* ~ ; ~ *pengarah*; **2.** alat dll utk menolong.

tolor ark tolol.

toluena (toluéna) (Kim) sj sebatian organik yg mudah terbakar, tidak berwarna, dan digunakan sbg pelarut dan bahan utk membuat sebatian kimia lain.

tom I = *tali* ~ tali kekang.

tom II Jw sj tumbuhan, tarum.

toman 1. sj ikan darat, *Ophicephalus micropeltes*; **2.** sj aruan, haruan, ruan, *Ophicephalus striatus*; **3.** = ~ *barung* = ~ *bunga* sj ikan darat, *Ophicephalus micropeltes*; **4.** = ~ *ekor kuang* sj ikan darat, *Ophilcephalus melanoptera*; *spt* ~ *makan anak* prb orang yg berbuat sumbang.

tomat Id tomato.

tomato sj tumbuhan (herba yg buahnya boleh dimakan), ranti merah, terung bali, *Lycopersicum esculentum* (*Solanum lycopersicum*); *air* ~ perahan tomato; *sos* ~ sos drpd buah tomato dll.

tombak I sj senjata spt lembing yg bermata dan bergagang panjang; jenis-jenisnya: ~ *benderang* (*menderang*), ~ *rambu*, ~ *sagang*, ~ *serampang*, dll;

bertombak menggunakan atau membawa tombak sbg senjata, bersenjatakan tombak: *Panglima segera memekik agar pasukan yg* ~ *menuju ke hadapan menghalang musuh*;

bertombak-tombakan saling bertikam dgn tombak: *maka Tun Tuah pun menyembah raja lalu mengambil tombak, berjalan turun berhadapan dgn Pateh Karma Wijaya* ~ , *terlalu ramainya*;

menombak, menombaki sl merodok dgn tombak: *maka mereka pun datang lalu ~ Hang Jebat; mereka duduk di balai larangan ditombaki orang.*

tombak II ukuran panjang yg bersamaan dgn 12 kaki atau 3.6 meter, cengkal.

tombak III sj tumbuhan (herba), akar sembuh, *Blumea chinensis*.

tomboi bp anak perempuan yg berkelakuan kelaki-lakian (mis, suka memakai pakaian lelaki, lasak, dsb).

tombok Jk **1.** terpaksa menambah wang (kerana kekurangan dll); **2.** wang yg ditambahkan (kerana kekurangan dll); **3.** wang upah kpd penari perempuan (tandak) ketika mengebeng.

tombol I **1.** benjol, bincul, tonjol (pd kulit orang, binatang, kayu), tonjol pd gong dll: *di sisi tulang belikat ada suatu ~* ; **2.** pemutar atau pembuka (pd mesin, pintu, dll); *~ pintu pemutar atau pemegang utk membuka pintu.*

tombol II; (*ikan*) *~ mas sj ikan laut, Germo sibi.*

tombola sj permainan loteri (spt melepaskan gelang rotan dll).

tombong I sombong; *bagai ayam ditombong kokok berderai-derai ekor bergelumang tahi* prb perihal orang yg bercakap besar dan terdengar ke mana-mana tetapi kaumnya sendiri dlm kehinaan dan kemelaratan.

tombong II → **tomong.**

tomigan sj mesingan kecil yg mudah alih dan ringan.

tomografi sj radiografi atau teknik yg digunakan utk menghasilkan gambar foto X-ray keratan satah tertentu tubuh manusia atau objek lain.

tomoi sj tinju di kalangan masyarakat Siam yg peninjunya boleh menggunakan kaki utk menendang lawan.

tomong sj meriam kecil.

tompel (tompél) Jk bekas luka atau hitam di muka dll.

tompok 1. kumpulan yg tidak begitu besar, kelompok kecil; 2. longgokan yg kecil, timbunan: *se~ rambutan*; 3. bintik besar yg bulat (pd binatang dll): *atap zinknya sudah merah berkarat, hanya ada sedikit sahaja ~~~ putihnya*;

bertompok-tompok 1. berkelompok-kelompok: *anak-anak muda ~ duduk di atas pasir*; 2. bersusun-susun, bertimbun-timbun: *buku yg ~*; 3. tidak rata (warna dll), setempat-setempat, berbintik-bintik besar: *anak kambing yg berwarna coklat ~ putih*; 4. ki bertimbun-timbun, banyak sekali;

menompokkan 1. meletakkan bersusun-susun, melonggokkan; 2. mengumpulkan banyak-banyak, menimbun-nimbunkan;

tertompok tersusun bertindih-tindih, terkumpul banyak-banyak;

tompokan longgokan, timbunan;

penompokan perihal (proses, perbuatan, tindakan dsb) menompokkan.

tomtom ark → **tamtam II**.

tomyam sup masam pedas drpd aneka campuran daging, udang, sayuran, dll yg berasal dr Siam.

ton I 1. (Muz) laras bunyi; 2. (Muz) kualiti bunyi; 3. darjah kecerahan warna.

ton II IB satu ratus ribu Rp.

tonceng (toncéng) Mn; **menonceng** melemparkan barang kecil (yg dipegang dgn ibu jari dan telunjuk).

tondeh (tondéh) Mn keminting, kemiri.

tonem (toném) (Lin) ciri nada yg membezakan dua bentuk atau kata seiras dlm bahasa nadaan spt bahasa Cina dan bahasa Thai.

tonetik (tonétik) kajian tentang kelangsingan dan nada dlm pertuturan.

tong I 1. tempat (air, padi, dll) yg dibuat drpd papan kayu bulat torak bentuknya, tahang; **2.** tin atau kaleng yg besar (tempat mengisi minyak dll); ~ *sampah* tempat membuang sampah;

~ *kosong nyaring bunyinya* = ~ *kosong berbunyi nyaring* prb orang yg bodoh itu biasanya banyak cakupannya; *adakah air yg penuh dlm ~ itu berkocak, melainkan air yg setengah ~ itu juga yg berkocak* prb orang yg tidak berilmu juga yg banyak cakupannya;

bertong-tong beberapa banyak tong: *mereka terpaksa menyimpan ~ air di rumah utk menghadapi musim kemarau.*

tong II bunyi spt bunyi kelentongan; → □ **tong-tong.**

tong III Jk kep entong (panggilan kpd anak lelaki).

tonggak I 1. kayu yg panjang dan dipasang tegak (tiang telegraf dll), pal; **2.** tiang rumah (jambatan dll); **3.** ukuran jauh yg bersamaan dgn 4901 kaki atau 1500 meter, pal; **4.** pangkal batang kayu yg masih tegak berdiri (tunggul), sisa batang kayu yg sudah ditebang atau yg ada dlm air dll; **5.** ki orang yg tidak suka bercakap, orang yg sangat pendiam; **6.** ki asas, dasar, pokok (pegangan, kepercayaan, dll): *agama Islam sbg ~ masyarakat; tawakal adalah ~ kepercayaan kita;*

~ *gantung* tiang rumah yg hanya sampai ke lantai (tidak sampai ke tanah); ~ *tua* tiang rumah yg mula-mula didirikan; *bagai mengatai* ~ prb perihal memberi nasihat kpd orang yg hanya diam sahaja.

tonggak II; menonggak menuangkan air dll ke mulut dr cerek (kendi dll), menuangkan ubat dll ke mulut.

tonggak III Pr dongak.

tonggan Kl dapur yg dibuat dgn mengorek tanah (utk kawah atau periuk besar).

tonggek (tonggék) **1.** tonggeng; **2.** tidak lurus punggungnya apabila berjalan, punggungnya terkeluar ke belakang (apabila berjalan);

tunggang~ tunggang balik;

menonggek menonggeng;

menonggekkan menonggengkan, menjungkirkan (kepala ke bawah dan kaki atau ekor ke atas): *ia ~ punggungnya ke muka kipas*;

tertonggek jatuh terjungkir.

tonggeng (tonggéng) **I; menonggeng 1.** membongkok dgn kepala ke bawah dan punggung ke atas; **2.** tenggelam dgn buritan ke atas (perahu, dll) atau bahagian depan ke bawah dan bahagian belakang ke atas; **3.** menjunam (kapal terbang dll); **4.** tertiarap (gelas dll);

menonggengkan 1. menyebabkan menonggeng, meletakkan (memegang dll) sesuatu hingga menonggeng; **2.** menjunamkan; **3.** ki menjatuhkan atau menggulingkan (pemerintah dll);

tertonggeng (jatuh, terlepas, dll) menonggeng (gelas, periuk, dll);
~ *bagai kodok dlm lubang* prb perihal orang miskin dlm kesusahan.

tonggeng (tonggéng) **II** sl hari ketiga sesudah esok, tubin.

tonggeret (tonggérét) Jk sj jengkerik yg berbunyi pd senja hari.

tonggok I ark longgok, tompok.

tonggok II Mn; **bertonggok, tertonggok** bertenggek, bertengger: *Misah tertonggok di depannya*;

menonggokkan 1. menenggekkan, menenggerkan; **2.** meletakkan di atas sesuatu atau di tempat yg tinggi.

tonggong I ark tenggek.

tonggong II Mn besar lagi tinggi, bagur.

tonggong III Mn benjol, bincul, bonggol, bongkol, jendul, ponok.

tonggos menganjur ke muka (bkn gigi atas), jongang.

tongkah I; *papan* ~ papan sbg titi utk berjalan di tempat yg berlumpur dll;

menongkah 1. membubuh papan di tempat yg berlumpur dll utk titi berjalan, berjalan di papan, meniti; **2.** menyongsong arus dll; ~ *air* menyongsong air; ~ *arus* menyongsong arus; ~ *pasang (surut)* menempuh pasang (surut); **3.** melawan, menentang: *tidak pernah ia ~ perintah; ke hulu ~ surut, ke hilir ~ pasang* prb selalu rugi (sial);

tongkahan landasan, titian, tumpuan (berjalan).

tongkah II = ~ *kain* kain yg dijahitkan pd bahagian atas kain sarung (batik dsb) utk melabuhkannya;

bertongkah ada dijahit tongkah: *kain sarungnya* ~ ;

menongkah menambah panjang pd sebelah atas (kain dll) dgn menjahitkan tongkah, menyambung pd sebelah atas: *semua kain sarungnya perlu ditongkah*; ~ *seluar* menyambung seluar di sebelah atas.

tongkah III bongkah, blok, ketul: *susu menjadi beku dan boleh dipotong menjadi ~~~ empat persegi.*

tongkan sj lantai (di buritan atau di depan perahu) sbg tempat duduk dll.

tongkang sj perahu yg agak besar (utk mengangkut barang-barang); ~ *terbalik* angka 96 dlm permainan loto;

bertongkang menaiki tongkang.

tongkat I sekerat rotan (kayu dll) yg dipegang ketika berjalan (utk menyokong dll): *apabila berjalan-jalan ia selalu membawa ~ semambunya*;

~ *ampai* sj tongkat yg dipakai utk mencari mata air (sumber minyak dll), joran ampai; ~ *kail* batang (baur) kail;

~ *membawa rebah* prb orang yg diamanahkan membuat sesuatu dia sendiri merosakkannya; *lagi ~ lagi senjata* prb perihal seorang

yg mendapat dua macam pertolongan dlm satu pekerjaan; *patah ~ bertelekan (berjeremang)*, *habis hulubalang bersiak* prb terus berusaha (tidak pernah putus asa);

bertongkat memakai (membawa, memegang, dll) tongkat: *yg capik datang ~*;

~ *lidah* sumbing dan lebar mulutnya; ~ *lutut* (duduk, membongkok) bertelekan, berteleku pd lutut; ~ *tangan (ruas)* berteleku;

~ *jarum* prb sesuatu yg mustahil diperoleh (ejekan); ~ *senduk (tempurung)* Mn, prb sudah tua sekali (orang); ~ *tebu* Mn, prb berjalan bersama-sama isteri atau kekasih; *patah sayap ~ paruh* prb tidak putus asa mengerjakan sesuatu dgn sehabis-habis usaha;

bertongkatkan menggunakan sesuatu sbg tongkat: *Tuk Penghulu berdiri dgn ~ sebatang kayu panjang sedepa; tidak beberapa lama kemudian tampillah seorang lelaki tua yg ~ sebatang lembing*;

menongkat **1.** menopang, menunjang: ~ *dagu* menopang dagu; **2.** ki menganjung-anjung, mempertinggi; ~ *langit* a) ki hidup di dunia seolah-olah sampai bila-bila atau selama-lamanya: *masakan dia hendak ~ langit*; b) berada dlm kedudukan yg tegak berdiri dan tinggi seolah-olah menopang langit: *pohon-pohon nyiur yg ~ langit kian kabur pd pandangan; menara berkembar Petronas yg terpacak ~ langit*;

menongkatkan menurunkan tongkat sesuatu: ~ *basikal*.

tongkat II; ~ *ali* sj tumbuhan (pokok), *Grewia umbellata*; ~ *baginda* sj tumbuhan (pokok renek), *Eurycoma longifolia*.

tongkeng (tongkéng) **I** punggung sebelah bawah; *tulang ~ tulang* punggung di sebelah bawah.

tongkeng (tongkéng) **II**; *bunga* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat dan berteras), melati tongkeng, *Telosma cordata*.

tongkok; penongkok Kd emas dll yg disalut pd hulu keris.

tongkol I 1. sepotong kayu yg agak besar, buku (butir) yg besar, gumpal, bongkah, ketul; 2. = ~ *jagung* tempat butir-butir jagung tumbuh atau melekat (pd buah); 3. penjodoh bilangan utk buah jagung: *lima ~ jagung*; 4. Kl unting benang.

tongkol II = *ikan* ~ 1. sj ikan laut, *Gumo sibi*; 2. sj ikan laut, *Euthynnus alleteratus*.

tongkong ark sepotong kayu, tongkol.

tongkrong Jk; **menongkrong** duduk atau berjongkok, duduk-duduk sahaja dan tidak bekerja.

tongo bp dungu; → □ **tongong**.

tongol Jk; **menongol** menjengukkan kepala, muncul menampakkan diri.

tongong bp bodoh, bingung, dungu, pandir, tolol; **tongo**.

tongsan C; *ikan* ~ ikan negeri China; *pulang* ~ balik ke negerinya (China).

tongset (tongsét) C ark sj sanggul (kundai): *maka dibalas demikian juga terkena pacak ~ tuan puteri lalu jatuh*.

tongtong sepotong kayu yg diberi berongga yg diketuk utk memanggil orang berkumpul, kentungan, kelentongan, toktok.

tonik sj ubat utk menyegarkan dan menguatkan badan.

tonil IB sandiwara;

menonilkan melakonkan, menyandiwarakan.

tonjeng (tonjéng) 1. tinggi, lampai (orang); 2. Jh tinggi (siput rambut di tengah kepala).

tonjok Jk tinju, tumbuk;

menonjok meninju, menumbuk.

tonjol bengkak (pd kulit, dahi, dll), benjol, jendul;

bertonjol, bertonjol-tonjol berbenjol-benjol, berjendul(-jendul): *jerawat bertonjol-tonjol di mukanya*;

menonjol 1. merupakan tonjol, berbenjol, berjendul: *kelihatan jelas tulang-tulang ~ keluar*; **2.** menganjur (menjorok) keluar, menjenguk keluar, menjengul, menyembul: *tiba-tiba kepalanya ~ keluar dr tingkap; ia ~ keluar tingkap melihat-lihat kalau-kalau ada orang datang*; **3.** kelihatan jelas mencolok mata, sangat nyata: *yg segera ~ ialah sifat sensasi pengarang; nasihatnya tidak begitu ~ spt pengarang-pengarang Melayu; kesalahan-kesalahan yg ~*;

menonjolkan 1. menjorokkan, menyorongkan (ke muka): *kutonjolkan empu jariku ke atas utk mengatakan semuanya berjalan baik; keretanya itu ditonjolkan ke depan hingga terkena dinding rumahnya*; **2.** mengeluarkan supaya dilihat (nampak), menampakkan (diri dll), menyembulkan, muncul: *~ kepala melalui tingkap*; **3.** mengemukakan (supaya diketahui dll), menjadikan jelas kelihatan, memperlihatkan-lihatkan, menyodorkan: *ia seorang yg suka menonjol-nonjolkan dirinya; kulit buku DBP juga hendaklah melambangkan identiti DBP dan sekali gus ~ siri, jenis, peringkat dan kategori buku*;

tertonjol teranjur, tersembul: *perutnya kelihatan ~*;

tonjolan sesuatu yg menonjol (ditonjolkan);

penonjolan perihal menonjolkan: *~nya dlm filem itu sungguh berkesan.*

tonometer (tonométer) alat utk mengukur tekanan, terutamanya tekanan dlm biji mata.

tonsil struktur yg terdiri drpd gumpalan tisu yg terletak di bahagian tekak berdekatan pangkal lidah: *radang ~*.

tonsilektomi (tonsiléktomi) pembuangan tonsil secara pembedahan.

tonsilitis (Ubat) radang pd tonsil.

tonto orang tengah yg bertindak sbg pemberi maklumat dsb utk menggagalkan tugas penguatkuasaan undang-undang dsb oleh

pihak berkuasa: *penjual terbabit tidak mempamerkan VCD haram kerana mungkin sudah mendapat maklumat drpd ~ yg mengekori pergerakan pegawai penguat kuasa.*

tonton; menonton menengok (pertunjukan, wayang gambar, dll): ~ *perlawanan bola; jangan ~ saja jangan melihat saja;*

mempertontonkan memperlihatkan (sandiwara dll), memperagakan, mempertunjukkan, mempamerkan (lukisan dll): *dipertontonkan sebuah drama di televisyen kita; melihat-lihat barang yg cantik-cantik yg dipertontonkan di kedai;*

tontonan pertunjukan (wayang gambar dll), sesuatu yg (patut) ditonton: *filem-filem Melayu yg menjadi ~ kita;*

penontonan perbuatan menonton;

penonton 1. orang yg menonton (pertunjukan dll): *para ~ bertepuk tangan;* **2.** ki orang yg hanya menengok saja (tidak ikut serta): *biarlah kita jadi ~ saja.*

tonyah Kl; menonyah memberi atau menghulur dgn kasar (kerana benci dll).

tonyeh (tonyéh) Jh; bertonyeh bercakap-cakap panjang atau meleret-leret (antara lelaki dan perempuan).

tonyer (tonyé) Kl; menonyer mengejek (dgn mengerut-ngerutkan muka dll).

tonyoh; menonyoh 1. menyentuh dgn hujung jari; **2.** menggocoh (meninju) dgn buku jari; **3.** Kl makan dgn biadab sekali; **4.** Kd menggosok dgn kuat (utk mengeluarkan kotoran dsb): ~ *daki di badan;* **5.** menenyeh;

menonyohkan menonyoh atau menenyeh sesuatu ke: ~ *puntung rokok ke bekas abu;*

menonyoh-nonyohkan menghantukkan sesuatu kpd sesuatu permukaan beberapa kali: *Rohaya meronta-ronta lagi apabila Riad ~ mukanya ke cermin itu;*

tertonyoh tersentuh, terkena: *kadang-kadang mata tenggala ~ perdu jerami.*

tonyok; menonyok menonyoh.

top I sj perahu (dr Siam atau Kocin).

top II; *main* ~ sj permainan judi;

petopan tempat bermain judi.

top III; *baju* ~ a) baju kebaya; b) Kd jubah (orang lelaki).

top IV bp yg tertinggi atau teratas, kemuncak, puncak.

topah → □ **tufah.**

topak sl senapang.

topang I sangga (penyokong) yg bercabang; *tiang* ~ tiang yg di hadapan;

bertopang 1. memakai topang (sangga), disangga, disokong, ditunjang: *dahan pokok itu harus diberi ~ kalau tidak nanti patah;* (*duduk*) ~ *dagu* (duduk) dgn dagunya disangga dgn tangan; **2.** bertumpu (pd), berdasar (pd), bertekan (pd): *tangannya ~ pd kerusi;* ~ *lutut* duduk dgn meletakkan tangan (siku) pd lutut;

bertopangkan menggunakan sesuatu sbg topang;

menopang menyangga (menunjang) dgn kayu dll yg bercabang: *bahagian hadapan rumah itu ditopang dgn dua batang kayu;* *tangannya ~ kepalanya;* *Raja Shahrul Alam ~ dagu seraya mengurut-urut janggutnya;* *topang--* bantu-membantu, sokong-menyokong, tolong-menolong;

topangan penopang;

penopang sokong, penunjang, penyangga, penyokong.

topang II Mn; **bertopang** 1. dibantahi, disangkal, ditegah: *segala perintahnya tidak ~*; 2. berbantah, bertengkar: *suka ~ dgn sesiapa juga*;

menopang membantahi, menegah, menentang.

topaz sj batu permata yg biasanya berwarna perang kekuningan.

topdal buku peringatan harian dlm pelayaran (mencatatkan laju kapal, keadaan angin, dll).

topek (topék) ark; **menopek** menghiris (daging) tipis-tipis.

topekong (topékong), 1. gambar atau patung yg dipuja-puja (disembah-sembah) di rumah berhala, berhala; 2. rumah berhala.

topeng (topéng) 1. sesuatu yg dipakai utk menutup muka yg berupa muka orang atau binatang dll (dibuat drpd kertas, kulit, dll), kedok; 2. penutup muka (supaya jangan dikenali dll); 3. = *main* ~ sj pertunjukan wayang yg seluruh pelakornya memakai topeng; 4. ki perkataan (perbuatan dll) yg muluk-muluk utk mengabui mata orang: *dgn ~ simpati dan cintakan orang Melayu mereka hendak menjajah*; ~ *gas* alat bantu pernafasan yg dipakai utk melindungi seseorang drpd tersedut gas beracun;

bertopeng menutup muka dgn topeng, memakai topeng, berkedok;

bertopengan, mempertopeng ki memakai sesuatu sbg topeng, memperkedok: *dgn ~ tujuan mahu membela ekonomi bangsa, mereka memeras orang kampung*;

menopeng bermain topeng;

menopengi 1. memberi (menjadikan) bertopeng; 2. ki menyelindungi (menyembunyikan) maksud sebenar.

topes (topés) ark lereng (tebing dll) yg curam.

topi 1. tutup kepala (model Eropah); 2. Pn, bp songkok;

~ *baja (besi)* topi yg dibuat drpd besi; ~ *cetok* Jw sj cepiau; ~ *gabus* sj topi yg bentuknya lonjong; ~ *keledar* topi yg dipakai

penunggang dan pembonceng motosikal; ~ *pandan (tikar)* topi drpd anyaman pandan; ~ *kelepet* songkok (yg boleh dilipat-lipat);

bertopi memakai topi: *askar yg ~ besi*.

topiari seni memangkas dan membentuk pokok renek menjadi bentuk hiasan, spt bentuk binatang dsb.

topik perkara (yg dibincangkan, dipercakapkan, dipelajari, dll).

topo I Jk kain-kain yg sudah tua, kain buruk.

topo II; *peta ~* ; → □ **peta I**.

topografi 1. kajian atau huraian yg terperinci tentang keadaan rupa bumi sesuatu kawasan; **2.** pemetaan yg terperinci tentang keadaan rupa bumi sesuatu kawasan; **3.** keadaan rupa bumi sesuatu kawasan; **4.** (Bio) penghuraian sesuatu bahagian tubuh dlm hubungannya dgn struktur lain di sekitarnya.

topoi Kd gemuk.

topok I Pr tepuk.

topok II Kl tompok.

topong I sj bakul kecil yg kasar buatannya (tempat belacan dll).

topong II ark ketopong.

toponimi kajian yg berkaitan dgn nama tempat.

top-top bp alih-alih, sekonyong-konyong, tiba-tiba; ~ *kena roboh* tiba-tiba kena roboh.

tor I Kd mencabar (berlari-lari dan mengejar dlm permainan).

tor II Kl sj permainan kanak-kanak.

torah; *tak ~* Kd tidak selesa kerana fikiran terganggu.

torak I tabung kecil pd alat tenun yg berisi kumparan benang pakan, teropong; *anak ~* kumparan benang pakan yg dipasang pd torak; *batang ~* tangkai torak; *bulat ~* bulat spt torak (bulat panjang), berbentuk silinder;

torak-torak silinder.

torak II; *burung* ~ sj burung, burung tebang mentua, *Rhinoplax vigil*.

torak III; *kuih* ~ = *tepung* ~ sj penganan yg dibuat drpd tepung beras yg dikukus (dimakan bersama santan dan air gula).

toraks (Bio) **1.** bahagian badan mamalia (tidak termasuk tangan) yg terletak di antara leher dgn abdomen; **2.** bahagian badan serangga yg terletak di antara kepala dgn abdomen.

toreh (toréh); **bertoreh** telah digores dgn agak dalam (pd kulit kayu dll): *pokok getah di kampungnya banyak yg tidak ~;*

menoreh 1. menggores dgn agak dalam (pd kulit kayu, badan dll): *~ getah;* **2.** meretas (membelah) supaya terbuka: *~ buah nangka;*

torehan 1. luka yg agak dalam (pd kulit pokok), takik (yg agak dalam); **2.** belahan, retasan;

penorehan perihal (proses, perbuatan, usaha dsb) menoreh: *disebabkan tiada pekerja, ~ pokok getah muda di ladang getah itu masih belum dapat dijalankan;*

penoreh 1. alat dll utk menoreh; **2.** orang yg menoreh getah.

torek (torék) **1.** sj penyakit telinga bernanah yg baunya busuk dan boleh mengakibatkan tuli; **2.** tuli; **tolek.**

tores (torés) Jk toreh.

torium (Kim) sj unsur logam yg radioaktif, lembut, dan digunakan sbg bahan api nuklear dsb.

tork kilas (daya motor).

tornado ribut angin yg sangat kuat dgn tiupan anginnya kencang berpusar-pusar dan menyebabkan kerosakan teruk, biasanya berlaku di Amerika Syarikat dan Australia.

toro Jk; *baju* ~ sj baju kurung panjang.

torpedir IB; **mentorpedir 1.** menembak dgn torpedo, melepaskan torpedo: *sebuah kapal musuh tenggelam kerana ditorpedir oleh kapal torpedo kita;* **2.** bp menggagalkan, mengkhianati,

merosakkan (usaha dll): *banyak rancangan kemajuan pemerintah yg ditorpedir oleh anasir-anasir jahat*; **3.** ark bp menaikkan pangkat dll dgn sesuka hati saja: *drpd seorang pembantu khas dia ditorpedir menjadi seorang pegawai.*

torpedo (torpédo) **1.** senjata gerak sendiri berbentuk silinder yg membawa bahan letupan yg dilancarkan dalam air dr kapal, kapal terbang, atau kapal selam dan meletup apabila mengenai sasarannya; **2.** = *kapal* ~ kapal perang kecil yg dilengkapi dgn torpedo; **3.** Id, bp bahagian tengah roda basikal (hab) yg dapat memberhentikan basikal;

mentorpedokan menembak dgn torpedo.

torso (Bio) bahagian utama tubuh manusia, tidak termasuk kaki, lengan, dan kepala.

tort (Udg) salah laku (yg tidak melibatkan pelanggaran kontrak) yg boleh dikenakan tindakan sivil, spt ganti rugi.

tos bp undian dgn membuang duit syiling dll (utk menentukan kalah menang dll);

ditos diundi.

tose (tosé) (Tamil) sj makanan India yg dibuat drpd beras dan dimakan bersama kuah dal dsb.

toslet → □ **toclait**.

totak Kl; **menotak** memukul (dgn cepat di kepala).

total **1.** bp jumlah; **2.** seluruhnya, semuanya; ~ *jeneral* Id jumlah semuanya; *perang* ~ perang habis-habisan (segenap rakyat turut berperang);

ditotal bp dijumlahkan, dicampurkan (semuanya).

totalisator IB (badan) pengumpulan wang taruhan (dlm perlawanan bola sepak, lumba kuda, dll).

totalitarian berkaitan dgn sistem pemerintahan yg dikuasai oleh seorang atau satu parti politik sahaja dan kewujudan parti-parti pembangkang yg lain tidak dibenarkan.

totalitarianisme fahaman bahawa sistem pemerintahan sepatutnya membenarkan kewujudan satu parti sahaja.

totaliter (totalitér) IB melingkupi seluruhnya (semuanya); *negara ~* negara yg menggunakan seluruh sumber negara (manusia dan benda) utk kebaikan negaranya; *perang ~* perang total.

totalitet (totalitét) IB keseluruhan, kesemestaan, keseutuhan.

totet (totét); **setotet** sedikit sahaja.

toti (Tamil) pelayan rumah sakit yg kerjanya mencuci tandas.

totok I 1. bukan peranakan, sejati: *Melayu ~* ; **2.** bp masih belum ada pengalamannya, masih baru, masih mentah: *ia masih ~ dlm pergaulan.*

totok II Jh tekun.

total Jk bintik-bintik;

mentotolkan menitikkan: *bulatan pd kaca spt pupur yg ditotolkan.*

toya I bp kelihatan bodoh, tidak bergaya dsb: *dia dulu ~, tapi kini bergaya.*

toya II, toyah, toyak C sj tongkat panjang digunakan sbg senjata;

menoyakan, menoyahkan, menoyakkan memperlakukan (mempermainkan) spt toya: *dan terbanyak pula Cina bermain pating, ditoyakannya berbagai-bagai lakunya.*

toyoh sj tumbuhan (pokok renek), *Gonocaryum longiracemosum.*

toyol = *hantu* ~ sj hantu (orang halus yg suka mengganggu orang).

toyu Kd kicap kacang soya.

tra ark Id, bp tak; ~ *usah* tak usah.

tradisi sesuatu kebiasaan (adat, kepercayaan, dll) yg kekal turun-temurun, sesuatu yg sudah menjadi amalan yg sudah sebatian dgn

sesuatu masyarakat (golongan, kumpulan, dsb): *suatu ~ orang Islam di Malaysia ketika menyambut Hari Raya ialah saling menziarahi; saya sangat bimbang apabila melihat masyarakat kita yg tidak ada ~ membaca;*

bertradisi mempunyai tradisi;

mentradisi menjadi tradisi: *ada pembaharuan itu yg telah ~;*

mentradisikan menjadikan sesuatu (fahaman, pemikiran, dll) sbg tradisi: *Islamlah yg ~ kita;*

pentradisian proses mentradisikan sesuatu.

tradisional berkaitan dgn, bersifat, atau mengikut tradisi: *dlm kesusasteraan lama gaya bahasa dan teknik bercorak ~; masyarakat ~ masyarakat yg mengamalkan cara hidup yg turun-temurun;*

ketradisional keadaan atau sifat yg tradisional: *~nya itulah yg dipuji dan dipuja oleh orang asing.*

tradisionalis pendukung fahaman (ajaran, dll) yg berdasarkan tradisi: *reaksi golongan ~ yg mempercayai bahawa ahli hukum Islam telah menyelesaikan masalah sepanjang zaman.*

tradisionalisme fahaman (pegangan, anutan, dsb) yg berdasarkan tradisi.

trafik lalu lintas (kereta, kapal terbang, dll); *pegawai kawalan ~ udara pegawai yg mengawal lalu lintas di udara; polis ~ polis yg mengawal lalu lintas; ~ udara pergerakan lalu lintas pesawat udara secara teratur dlm sesuatu ruang udara.*

tragedi (tragédi) **1.** cerita (sandiwara, lakonan) yg mengisahkan peristiwa dll yg sedih: *persatuan drama ini akan mementaskan ~ tersebut;* **2.** peristiwa (keadaan dll) yg sedih atau menyedihkan: *sajak itu menceritakan suatu ~ tentang pembunuhan dan penderitaan.*

tragik penuh tragedi, menyedihkan: *peristiwa ini mengandungi humor dan ~ sekali gus.*

tragikomedi (tragikomédi) drama atau lakonan yg menggabungkan kedua-dua unsur tragedi dan komedi.

tragis IB sangat sedih, sangat menyedihkan: *cerita itu mengisahkan percintaannya yg ~.*

trai perbuatan meletakkan bola melewati garisan gol pihak lawan (dlm permainan ragbi).

trajektori (trajéktori) laluan melengkung yg diikuti oleh sesuatu objek, mis projektil, yg bergerak di ruang udara atau angkasa.

trak lori berat: *kami mengikutnya keluar stesen besar itu dan melihat beberapa buah ~ tentera menunggu.*

trakea (trakéa) (Bio) tiub yg menyalurkan udara masuk ke dalam paru-paru vertebrat, batang tenggorok.

trakeitis (trakéitis) (Ubat) radang pd trakea.

trakeostomi (trakéostomi) kaedah membuat bukaan pd trakea melalui leher utk membantu pernafasan.

trakoma (Ubat) sj penyakit mata yg berjangkit (menyebabkan kelopak mata sebelah dalam berbintik-bintik merah).

traktat IB perjanjian antarabangsa (spt perjanjian persahabatan dll).

traktir IB; **mentraktir** bp membelanja makan atau minum (di kedai), menjamu (di kedai makan dll): *dia bilang dia mahu ~ bir berbotol-botol.*

traktor kenderaan bermotor yg mempunyai dua roda belakang yg besar, yg biasanya digunakan utk menarik beban spt mesin bajak atau mesin tua: *sebuah ~ sedang meratakan tanah.*

trampil → □ **terampil**.

trampolin alat berupa helaian kanvas yg direntangkan dan diikatkan pd pemidang dgn menggunakan spring, terutamanya digunakan oleh ahli gimnastik dan akrobatik utk melakukan lonjakan, balik kuang dsb.

transaksi IB 1. penyelesaian pembayaran dlm perniagaan (perdagangan);

2. persetujuan jual beli, urusan jual beli (perdagangan), urusan niaga:

bahasa Inggris digunakan utk membuat ~ perdagangan dgn semua provinsi India.

transduser (Fiz) peranti atau komponen yg dapat menukarkan satu bentuk tenaga kpd bentuk tenaga yg lain, mis drpd tenaga elektrik kpd tenaga mekanik.

transeksual (transéksual) seseorang (lelaki atau perempuan) yg berperasaan dan berpenampilan sbg anggota jantina yg satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantintanya melalui pembedahan.

transenden (transénden) di luar segala kemampuan (kesanggupan dsb) manusia, sangat luar biasa: *ia perlu mencipta suatu cara baru bagi menggambarkan hal-hal yg bersifat ~.*

transendental (transéndéntal) bkn sesuatu (idea, fahaman, pengalaman) yg sukar difahami dgn menggunakan pemikiran logik biasa, ghaib, abstrak: *deduksi ~ menetapkan kesahan drpd konsep umum tentang objektiviti.*

transformasi perubahan bentuk (sifat, rupa, keadaan, dll): *satu ~ asas perlu dibuat utk melaksanakan hukum-hukum al-Quran;*

mentransformasikan melakukan (meninggalkan dsb) transformasi, mengubah bentuk (sifat, rupa, keadaan, dll).

transformer sj alat utk mengubah arus elektrik (spt mengubah voltan dll), alat ubah, pengubah.

transfusi (Ubat) pemasukan darah ke dlm badan orang yg kekurangan darah, pemindahan darah.

transisi IB peralihan drpd suatu keadaan (tempat, tindakan, dll) kpd yg lain: *~ drpd pemerintahan penjajah ke arah pemerintahan sendiri.*

transistor 1. (Fiz) peranti elektronik yg digunakan sbg penguat arus, spt yg terdapat dlm radio dan televisyen; **2.** = *radio* ~ sj radio yg menggunakan atau mempunyai transistor dan mudah dibawa ke mana-mana.


transit 1. lintasan barang-barang dagangan, pengangkutan (barang, orang); **2.** tempat singgah, persinggahan.

transitif (Lin) kata kerja yg mempunyai penyambut (objek).

transito IB lintasan pengangkutan barang-barang dagangan, transit; *pelabuhan* ~ pelabuhan yg menjadi lintasan pengiriman barang-barang antara dua negeri; *perdagangan* ~ perdagangan barang-barang yg terus dikirim ke tempat lain.

transkrip rekod (catatan) rasmi mengenai pencapaian dan kebolehan akademik seseorang pelajar (di maktab, universiti, dsb).

transkripsi 1. (penyediaan) skrip atau teks yg penuh atau lengkap berdasarkan catatan-catatan trengkas dll atau daripada rakaman ucapan dll; **2.** penukaran bahan bertulis drpd sesuatu bentuk ke dlm bentuk lain (mis yg menggunakan sistem fonetik, huruf dlm abjad lain, dll);

~ *fonemik* (Lin) transkripsi yg menggunakan lambang fonem, mis /pokok/ dan /nyanyi/; ~ *fonetik* (Lin) transkripsi yg menggunakan lambang fonetik, mis [poko ];

mentranskripsikan membuat (menyediakan) transkripsi (sesuatu).

transliterasi (Lin) penukaran huruf (perkataan dsb) drpd abjad sesuatu tulisan (mis tulisan Arab) kpd huruf yg selaras bunyinya dsb dlm abjad sistem tulisan lain (mis Rumi);

mentransliterasikan membuat (menyediakan) transliterasi.

transmigran orang yg berpindah ke daerah lain.

transmigrasi perpindahan penduduk dr suatu tempat ke tempat lain.

transmisi (Kej) sistem gear, aci dsb (pd kereta dsb) yg menghantar kuasa drpd enjin utk memutarakan roda kenderaan: *model kereta ini dilengkapi dgn sistem ~ gear automatik empat kelajuan.*

transmutasi (Kim) perubahan satu unsur menjadi unsur yg lain, mis emas menjadi merkuri.

transnasional bkn sesuatu yg melangkaui sempadan atau kepentingan sesebuah negara: *perusahaan ~.*

transonik berupaya bergerak dgn kelajuan yg hampir menyamai kelajuan bunyi: *pd masa depan, kerajaan akan melaksanakan projek pesawat ~.*

transparensi (transparénsi) helaian (plastik, dsb) yg lut sinar yg digunakan utk menayangkan data (tulisan, gambar rajah, dsb) pd layar projektor.

transpirasi (Bio) kehilangan wap air dr permukaan (terutamanya melalui stomata) secara penyejatan.

transponder alat (pd radar atau satelit) yg menerima isyarat dan memancarkannya semula pd frekuensi yg berbeza: *~ ini merupakan peralatan satelit utk menerima isyarat dr sesebuah stesen lain ke bumi.*

transpor IB pengangkutan; *barang-barang ~* barang-barang yg diangkut; *kapal ~* Id kapal pengangkut pasukan (tentera dll); *ongkos ~* Id perbelanjaan mengangkut barang-barang dll; *perusahaan ~* perusahaan pengangkutan (bas, kapal, keretapi, lori, dll).

transvestisme (transvértisme) (Psi) kecenderungan memakai pakaian yg lazim dipakai oleh anggota jantina yg satu lagi, terutamanya utk rangsangan seks.

trapezium (trapézium) (Mat) (rajah) segi empat yg mempunyai dua sempadan yg selari.

tras IB batu yg ditumbuk halus utk simen.

trauma **1.** rasa terkejut (terganggu fikiran yg amat sangat) yg meninggalkan kesan yg mendalam, menakutkan dan berpanjangan: *pengalaman pernah dijajah oleh bangsa lain itu merupakan ~ yg tidak hilang drpd ingatan kebanyakan penduduknya*; **2.** (Ubat) kecederaan fizikal akibat sesuatu kemalangan.

traumatik amat mengejutkan sehingga meninggalkan kesan yg mendalam, menakutkan dan berpanjangan (bkn pengalaman, kejadian dsb): *kanak-kanak ini biasanya akan mengasingkan diri, muram dan tidak mahu bercakap setelah mengalami peristiwa yg amat ~..*

travelator laluan pejalan kaki yg bergerak secara mendatar, biasanya terdapat di terminal lapangan terbang dsb.

travelog sesuatu ceramah, filem, brosur dsb yg berkaitan dgn pelbagai kisah perjalanan atau pengembaraan.

trayek (trayék) IB jarak perjalanan di antara dua tempat (dgn bas dll).

trek (trék) lorong utk lumba lari, lumba kereta, dsb.

treler (tréler) **I 1.** sj lori panjang yg badannya boleh diceraikan, dan digunakan utk mengangkut barang: *barang-barang itu diangkut oleh dua buah ~*; **2.** bahagian belakang lori yg boleh diceraikan drpd kepala lori: *~ itu kemudiannya ditarik oleh kepala lori ke tempat baru.*

treler (tréler) **II** sedutan pendek babak tertentu drpd sesebuah filem yg ditayangkan di pawagam atau televisyen sbg usaha utk mempromosikan atau mengiklankannya.

trem (trém) **1.** sj kenderaan spt bas atau gerabak kereta api yg berjalan di atas rel dgn kuasa elektrik (atau ditarik oleh sj kepala kereta api kecil): *kereta, ~ dan lanca sudah kelihatan berlari pulang pergi di jalan raya*; **2.** bp troli.

tremolo (trémolo) (Muz) **1.** teknik tiupan yg menghasilkan suara atau bunyi bergetar; **2.** getaran bunyi dlm nyanyian atau permainan alat muzik spt biola.

tren (trén) □kereta api.

trend (trénd) arah aliran (gerakan dsb), perkembangan rentetan kejadian (amalan dll) yg seolah-olah menuju ke suatu arah: *laporan Bank Negara menunjukkan ~ pelaburan swasta yg menurun dr setahun ke setahun.*

trengkas (tréngkas) kaedah menulis dgn cepat dgn menggunakan palitan-palitan yg mudah atau simbol-simbol lain sbg menggantikan huruf, perkataan atau frasa: *ilmu ~ pengetahuan mengenai kaedah menulis dgn cepat, stenografi; mengambil ~ membuat catatan sesuatu yg direncanakan (spt surat dsb) dlm tulisan trengkas.*

tres (trés) IB sj sulaman benang emas (perak) di tepi baju atau di lengan baju.

tri- awalan asing tiga, mis *tribahasa* dan *trilogi*.

triathlon (Suk) pertandingan olahraga yg menghendaki setiap peserta menyertai tiga acara yg berlainan, iaitu renang, lumba basikal dan larian jarak jauh.

triatom (Kim) molekul yg terdiri drpd tiga atom.

tribahasa (terdiri drpd, mengandungi, menggunakan) tiga bahasa: *malah ada penerbit yg mengusahakan kamus ~.*

tribrata Id tiga dasar kewajipan polis.

tribulan tiga bulan (suku tahun); → □**triwulan**.

tribunal **1.** mahkamah pengadilan; **2.** tempat duduk majistret; **2.** lembaga atau badan khas yg ditubuhkan oleh pihak berkuasa utk menyiasat dan mengadili sesuatu kes tertentu; ~ *pentadbiran* (Udg) badan yg diwujudkan melalui atau di bawah Akta Parlimen utk menentukan tuntutan dan pertelingkahan yg berkaitan dgn pentadbiran kerajaan.

tribune IB **1.** panggung (pentas) tempat berucap: *beliau lalu dipersilakan naik ke atas ~ yg telah disediakan*; **2.** tempat duduk penonton yg lebih tinggi letaknya (di stadium dll).

trica beca.

triftong (Lin) gabungan tiga bunyi vokal yg disebut dlm satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah, mis [aie] dlm *fire*.

trigon (Mat) kedudukan atau keadaan dua planet yg berjarak 120° di antara kedua-duanya.

trigonometri (trigonométri) ilmu mengenai sudut dan sempadan segi tiga (digunakan dlm astronomi, ilmu ukur, dll).

trihujung trisula.

trik I bp **1.** tipu muslihat utk memperdayakan (mengakali dsb), helah: *ada-ada saja ~nya utk mengelakkan diri drpd tugas yg berat itu*; **2.** teknik atau membuat sesuatu dgn cepat dan betul: *kerja itu mudah dilakukan kalau kena ~nya*.

trik II Id, bp lori; → □ **trak**.

trikaki penopang kamera yg berkaki tiga.

triko sj kain cita, tuit.

trikologi kajian tentang rambut, termasuklah struktur, fungsi dan penyakitnya.

trikopati rawatan bagi penyakit rambut.

trikora Id kep Tri Komando Rakyat (tiga arahan utk pembebasan Irian Barat).

trikotomi pembahagian kpd tiga kategori.

trilion nombor atau bilangan yg diikuti oleh 18 angka sifar dlm penggunaannya di Britain, Perancis dan Jerman dan diikuti oleh 12 angka sifar dlm penggunaannya di Amerika Syarikat dan Kanada.

trilipat Id ark rangkap tiga.

trilogi siri karya sastera yg terdiri drpd tiga buah novel dll yg saling berhubungan dan mengembangkan satu tema.

trimaran kapal layar laju yg bentuknya spt katamaran, tetapi mempunyai tiga badan kapal yg bersambung selari antara satu sama lain.

trimatra Id berukuran tiga, tiga dimensi.

trimurti Id keesaan dr tiga (wujud, orang, dll), tritunggal: *keesaan Tuhan, iaitu Bapa, Anak dan Roh Kudus adalah ~ orang Kristian.*

trindil Jk; **ditrindili** dirampas segala pakaian dan harta benda.

trinitas Id □ → □ **triniti**.

triniti keesaan dr tiga wujud Tuhan (Bapa, Anak dan Roh Kudus) menurut kepercayaan Roman Katolik, tritunggal, trimurti.

trinitrotoluena (trinitrotoluéna) (Kim) sj pepejal kuning yg digunakan terutamanya sbg bahan letupan.

trinomial (Mat) ungkapan yg terdiri drpd tiga angka atau nilai.

trio 1. gubahan lagu atau irama utk tiga suara atau tiga alat muzik; 2. kumpulan drpd tiga orang penyanyi atau pemain muzik; 3. kumpulan drpd tiga orang atau benda.

trip I bp perjalanan, kepergian: ~ *ke Bangkok.*

trip II; *potong* ~ bp merampas peluang orang lain.

tripleks (tripléks) IB keping (helai dll) yg terdiri drpd tiga lapis (papan, kaca, dll).

triplet (triplét) (Muz) kumpulan tiga not yg mempunyai nilai masa yg sama.

tripod alat yg berkaki tiga utk menopang kamera, teleskop dsb, kaki tiga.

triprasetia Id ark sumpah taat setia atau ikrar yg terdiri drpd tiga perkara.

tripsin (Bio) sj enzim yg dikeluarkan oleh pankreas (dlm proses pencernaan).

trirangkai Id ark sajak yg terdiri drpd tiga baris.

triseps (triséps) (Bio) otot besar di belakang lengan atas yg berfungsi meluruskan lengan.

trisula sl sj tombak atau serampang yg hujungnya bercabang tiga (utk menangkap ikan dll).

triti (Udg) persetujuan secara formal antara dua pihak (negara dsb) atau lebih, perjanjian: *keempat-empat buah negeri itu bersekutu dlm tahun 1895 setelah membuat satu ~*.

tritium (Kim) isotop unsur hidrogen yg radioaktif.

tritunggal keesaan drpd tiga (wujud, orang, dll), trimurti.

trivia pelbagai fakta atau maklumat yg kurang penting tetapi menarik tentang subjek tertentu, terutamanya digunakan dlm sesuatu permainan atau kuiz: *~ sains, ~ sejarah*.

triwangsa sl tiga kasta (iaitu Brahman, Kesatria, Waisya).

triwikrama → □ **tiwikrama**.

triwindu tiga windu (24 tahun).

triwulan tiga bulan, satu suku tahun;

triwulanan tiap-tiap tiga bulan; *majalah* ~ majalah yg diterbitkan tiap-tiap tiga bulan; **tribulan**.

trofi hadiah spt mangkuk perak, piala yg dimenangi dlm pertandingan, mis sukan dsb.

trolis **1.** = ~ *bas* sj kenderaan spt bas yg dijalankan dgn kuasa elektrik; **2.** sj meja kecil beroda yg digunakan utk menyajikan makanan (minuman dsb); **3.** sj kereta sorong yg digunakan utk memuatkan barang semasa membeli-belah di pasar raya.

trombin (Bio) sj enzim yg penting dlm proses penggumpalan darah.

trombon sj alat bunyi-bunyian yg ditiup.

trombosis (Ubat) pembekuan darah di dlm jantung atau pembuluh darah sehingga boleh menyebabkan kematian.

trombus (Ubat) gumpalan darah yg terbentuk di dlm jantung atau pembuluh darah.

trompet (trompét) **I 1.** sj alat bunyi-bunyian yg ditiup; ~ *tanduk* tetuang;
2. orang yg mengeluarkan (menyuarakan) pendapat orang lain;
mentrompetkan ki meneriak-neriakkan, melaung-laungkan, mempropagandakan.

trompet (trompét) **II;** *siput* ~ sj siput, *Triton tritonis*.

tropika = *kawasan* ~ kawasan yg letaknya berhampiran dgn garisan Khatulistiwa (antara garisan Jadi dan garisan Sartan).

tropisme (Bio) pergerakan organisma pd arah tertentu sbg gerak balas terhadap sesuatu rangsangan luar, mis *fototropisme*.

tropopaus (Geog) sempadan atmosfera di antara troposfera dgn stratosfera.

troposfera (troposféra) (Geog) lapisan atmosfera yg hampir sekali dgn bumi, yg terletak di antara 6 - 10 km.

trottoar IB jalan yg lebih tinggi di tepi jalan raya utk orang yg berjalan kaki: *mobil merah itu berhenti dgn kedua-dua rodanya sebelah kiri naik separuh di ~*.

trout sj ikan drpd famili Salmonidae yg rupanya seakan-akan salmon tetapi saiznya lebih kecil dan badannya berbintik-bintik.

truk IB lori: *mobil, ~, opelet berdempet-dempet di jalan besar itu; trak.*

trup **1.** sebahagian drpd skuadron, yg terdiri drpd 30 hingga 40 orang anggota; **2.** kata arahan yg merujuk kpd kumpulan askar dlm tentera darat.

trusa Id, bp ark tak usah.

tsar *czar*.

tsarina *czarina*.

tsb kep tersebut.

tsetse (sisi) = *lalat* ~ sj lalat drpd genus *Glossina* yg berasal dr Afrika, biasanya menghisap darah manusia dan binatang dan menyebarkan penyakit tidur.

tst bp kep tahu sama tahu.

tsunami (Jepun) ombak laut yg besar yg disebabkan oleh gempa bumi atau letupan gunung berapi bawah laut dsb, biasanya sering menyebabkan kemusnahan teruk kpd harta benda, nyawa dsb.

ttg kep tentang.

tu I bp singkatan bagi itu.

tu II bp kep satu.

tua I 1. sudah lama hidup, sudah lanjut usia (tidak muda lagi), sudah berumur: *ibunya sudah ~, sudah berumur 60 tahun; anak dara ~* anak dara yg agak lanjut umurnya; *bujang ~* teruna yg agak lanjut umurnya; *hari (masa) ~* masa ketika umur sudah lanjut; *orang ~ a)* orang yg sudah lanjut usianya; b) ayah; c) ibu bapa; d) kepala keluarga; *orang ~~~* orang yg dianggap sudah lanjut usianya dan luas pengetahuannya; **2.** lebih umur (drpd): *ia ~ tiga tahun drpd adiknya; kakak ~* kakak sulung; *mak ~* saudara perempuan ibu atau bapa kita yg tua sekali; *pak ~* saudara laki-laki ibu atau bapa kita yg tua sekali; *saudara ~* saudara yg umurnya lebih drpd umur kita; **3.** sudah lama (lwn baru), sudah ada sejak masa lampau (dahulukala), kuno: *saya sudah ~ di dlm kesatuan ini; Bandar Melaka sebuah bandar yg ~; barang-barang ~* lama (sudah dipakai); *besi ~ a)* besi yg sudah lama (sisa barang-barang; b) besi yg mempunyai tuah atau khasiat; *faham ~* faham lama (lwn faham baru atau moden); *harta ~* harta pusaka (warisan); **4.** = **tua-tua** ki kepala, pemimpin, penghulu (orang yg tua yg dianggap berpengetahuan dan berpengalaman): *~ kampung ini menjalankan undang-undang adat sbg seorang pengadil mahkamah; ~ dagang*

Id kepala pedagang; ~ *kampung* penghulu kampung; ~ *rumah* kepala keluarga (isi rumah); **5.** ki sudah larut (malam): *malam sudah ~ dan keadaan di bandar makin sunyi*; **6.** bertuah, berkhasiat (bkn senjata lama dll): *wali ~nya masih kukuh terselit di pinggang*; **7.** sudah hampir masak dan boleh dipetik (buah-buahan dll): *jangan dipetik buah itu kerana belum cukup ~*; **8.** sudah mendidih atau masak (air, minyak, dll): *biarkan minyak itu ~ dahulu baru dimasukkan ikan ke dlm kualii*; **9.** agak kehitam-hitaman (lwn cerah), pekat (warna): *biru ~*; *merah ~*; *warna ~* warna yg tidak cerah; **10.** baik mutunya, hampir tulen (emas): *emas ~*;

~ *bangka* = ~ *bengkok* bk (orang yg) sangat tua (tetapi buruk perangainya); ~ *cendawan* orang yg berumur tetapi tidak bijak; ~ *ganyut* sangat tua; ~ *kejemur* Jk, bk (orang yg) sudah tua (tetapi bodoh atau berperangai buruk); ~ *keladi* a) orang yg tua tetapi tidak sedarkan diri (berperangai buruk, gila perempuan, dll); b) Kl orang tua yg mempunyai banyak anak; ~ *kotai* (orang yg) sangat tua; ~ *kutuk* bk = ~ *lara* orang tua yg buruk perangainya; ~ *leler* = ~ *lontok* = ~ *renta* (orang yg) sangat tua dan lemah; ~ *nipah* Kl (orang yg) tua dan bodoh; ~ *nyanyuk* sudah tua dan bercakap yg bukan-bukan; ~ *teberau* Kl (orang yg) sangat tua dan lemah otaknya; ~ *tebu* (orang yg) semakin tua semakin cergas;

bandar terbuka dagangan murah, badan sudah ~ prb sudah terlambat; berdengking si ~ memekik, mustahil akan menggigit jema prb orang

yg terlalu marah yg hanya memekik-mekik sahaja (tidak berani memukul dll); *sudah ~ dr kakak, sudah cerdik dr mamak prb anak muda yg takbur (tidak mahu bermuafakat lagi dgn keluarganya dlm sesuatu pekerjaan); orang ~ diajar makan pisang prb sia-sia mengajar orang yg sudah pandai;*

tua-tua 1. tua (kepala, pemimpin, pembesar, penasihat, dll): *siapa nama ~ mereka?*; **2.** = **tetua** bintik-bintik hitam pd muka atau pipi; **3.** sungguhpun sudah tua, tetapi...: *~ masih sihat; ~ keladi = ~ kelapa* makin tua makin baik;

bertua-tua Mn 1. = **bertua-tuaan** mengikut umur (yg tua dahulu, yg muda kemudian); **2.** bersuami isteri sampai tua;

menua menjadi tua: *hanya ada pd orang-orang yg telah ~;*

menuakan 1. menjadikan tua: *~ buah di pokok; ~ diri; ~ emas; ~ warna;* **2.** mengepalai, memimpin; **3.** memilih (mengangkat, melantik) sbg tua-tua (kepala dll); **4.** menyifatkan (memandang) lebih tua (drpd), mengakui sbg orang tua (yg perlu dihormati dsb): *yg tua kita tuakan, yg muda pula haruslah mengalah;* **5.** mengahwinkan;

tertua 1. yg paling tua: *bentuk puisi bertulis yg ~ sekali dlm bahasa Melayu terdapat pd batu nisan yg dijumpai di Minye Tujuh, Aceh;* **2.** lebih tua (berumur): *Abdul Rahim ~ dua tahun drpd Amin;*

pengetua 1. tua-tua (pemimpin, kepala, dll): *hambalah ~nya sekalian mereka itu; ~ Maktab Perguruan;* **2.** Mn penghulu yg paling tua;

ketua pemimpin, kepala;

ketuaan 1. sudah terlalu tua (sangat lanjut umurnya); **2.** perihal tua (sudah berumur): *tidak ketara ~ usianya, malah ia masih gagah dan kukuh;*

ketua-tuaan spt seorang tua-tua (ketua): *dia bercakap dgn gaya ~ menasihati mereka;*

penuaan proses menjadi (atau menjadikan) tua.

tua II; *burung ~ pulih* sj burung, *Malacopteron c. cinereum.*

tuah 1. untung (yg berlebihan), bahagia: *ia memikirkan tentang hal dirinya sendiri, tentang ~ dan celaka nasibnya sendiri; di tengah-tengah hidup yg malang kami dilimpahi ~; mengadu ~ mengadu untung* (berserah kpd nasib); *menolak ~* melepaskan peluang baik; *untung ada ~ tiada* ada pendapatan tetapi tidak kaya (kaya tetapi tidak pula terkenal); 2. pengaruh (kuasa) yg membawa keuntungan (kebahagiaan dll), keramat, sakti: *tangkal-tangkal itu dikatakan mempunyai ~ yg besar*; 3. keistimewaan (kehormatan, kemuliaan, kemasyhuran, dll); ~ *badan* untung diri seseorang; ~ *berma* Br tanda merah pd bayi ketika dilahirkan; ~ *periuk* Br tompok-tompok biru tua pd bayi ketika dilahirkan;

~ *anjing celaka kuda* prb sesuatu yg menjadi kebahagiaan pd seseorang mungkin menjadi kecelakaan pd orang lain; ~ *ayam boleh dilihat*, ~ *manusia siapa tahu?* prb tiada siapa dapat menentukan untung nasib seseorang itu; ~ *kerbau gemuk*, ~ *lambung berisi*, ~ *manusia semuafakat* prb kerbau terpuji kalau ia gemuk, lambung kalau berisi padi, dan manusia pula kalau sepakat (bersatu); ~ *melambung tinggi*, *celaka menimpa badan* prb orang yg ditimpa oleh kesusahan besar; ~ *sebesar bukit*, *celaka menimpa badan* prb orang yg pandai tetapi tidak tetap pekerjaannya, oleh itu penghidupannya menjadi susah; *menghijau ~*, *najis keluar* prb kerana hendakkan kemuliaan (kehormatan) seseorang boleh mendapat kehinaan; *tiada tertikam ~ oleh berani* prb orang yg bertuah itu tidak dapat dialahkan dgn keberanian;

bertuah 1. mempunyai tuah, bernasib baik, berbahagia, beruntung: *ia berasa sangat ~ kerana hidupnya mewah*; 2. mendatangkan tuah, berhikmat, sakti: *ayamnya sangat ~*, *tiada orang yg berani melawan ayamnya itu*; *keris ~* keris sakti; 3. ark ketulahan, terpesona;

hendak kaya berdikit-dikit hendak ~ tertabur urai, hendak berani berlawan ramai prb jimat cermat tangga kekayaan, murah hati tangga tuah, banyak lawan mendatangkan berani; sudah dapat gading ~ tanduk tiada berguna lagi prb sudah mendapat yg lebih baik yg kurang baik ditinggalkan;

menuahi 1. mendatangkan tuah (kebaikan, kebahagiaan, dll), memberkati; **2.** mengatakan bertuah;

menuahkan 1. menghebah-hebahkan (mencerita-ceritakan) keistimewaan (kekayaan, kemuliaan) orang; **2.** = ~ menjadi... menentukan dll menjadi...;

ketuahan 1. memperoleh tuah; **2.** kesaktian (keris dll), keunggulan (kemuliaan dll).

tuai I pisau pemotong padi, pengetam, ani-ani;

bertuai (telah) dipotong dgn tuai: *masih banyak lagi padi yg belum ~;*

menuai memotong padi dgn tuai, mengetam (padi): *petani-petani di sini menanam padi dlm bulan Oktober dan ~ atau mengetamnya dlm bulan Februari; bagaimana ditanam, begitulah dituai prb tiap-tiap perbuatan akan mendapat balasan yg wajar;*

tuaian yg dituai, hasil menuai: *kerajaan telah menetapkan harga padi sebanyak RM16 sepikul bagi padi ~ pertama;*

penuaian perihal menuai, pengetaman: *~ padi musim ini sudah dimulakan;*

penuai 1. alat utk menuai (padi), ani-ani, pengetam, tamin; **2.** orang yg menuai.

tuai II; ~ rumah ketua rumah panjang kaum Iban di Sarawak.

tuak I sj minuman keras yg dibuat drpd nira (kelapa, enau, dll); *kaki ~ orang yg kuat minum tuak; mabuk ~ mabuk kerana minum tuak;*

~ *keras* tuak yg mudah memabukkan; ~ *manis* tuak yg tidak keras (tidak mudah memabukkan); ~ *terbeli, tunjang hilang* prb, Mn ditimpa kecelakaan (kekecewaan, kesusahan).

tuak II; *tahan* ~ duduk dgn tidak sopan yg menyebabkan kain terselak lalu menampakkan betis atau paha.

tual I batang kayu (balak) yg pendek: *kayu ini kemudian dikerat menjadi beberapa ~*;

bertual ditual: *batang getah yg telah ditebang itu kelihatan masih belum ~*;

bertual-tual berpotong-potong (batang kayu, balak), berkerat-kerat: *dia sedang memasukkan kayu yg sudah dipotong ~ ke dlm lori*;

menual memotong (batang kayu dll) menjadi pendek-pendek.

tual II Mn tiang bendera.

tuala 1. = ~ *makan* kain kecil utk membersihkan tangan (mulut) selepas makan dll, serbet; **2.** = ~ *mandi* sj kain tebal pengesat tubuh selepas mandi, anduk; ~ *wanita* sj cawat (yg lembut, boleh menyerap dan boleh dibuang) yg dipakai semasa datang haid atau nifas;

bertuala 1. mempunyai atau ada tuala; **2.** memakai tuala: *ketika itu dia hanya ~ mandi*.

tualang I 1. berterbangan ke sana sini (lebah dll); **2.** tidak bertempat tinggal yg tetap (pengembara, pengemis, dll); **3.** = *orang* ~ orang yg sentiasa mengembara atau merantau (tidak bertempat tinggal tetap), pengembara;

bertualang 1. mengembara (merayau-rayau) ke sana sini, bergelandangan, berkeliaran: *dia hampir lenyap di tengah-tengah mereka yg ~ tak berumah tangga dan tak bertempat tinggal*; **2.** selalu keluar rumah, suka merayau-rayau: *dia melarat kerana ~ saja dan kerana berjudi*; **3.** melakukan sesuatu dgn nekad (curang,

haram, dll): *banyak kawannya yg suka ~, berdagang dan sebagainya;*

petualangan 1. perihal bertualang: *semakin luar biasa ~nya dan pengalamannya;* **2.** perbuatan nekad (tidak jujur dll);

berpetualangan menjadi petualang: *mengapa mesti ~? kembalilah bersama anak isteri;*

petualang 1. orang yg bertualang, orang gelandangan, pengembara (perantau dll); **2.** orang yg melakukan sesuatu dgn nekad (curang dll) utk kepentingannya sendiri: *kerajaan telah digesa supaya mengambil tindakan tegas terhadap ~ yg cuba menghalangi pelaksanaan bahasa kebangsaan;* **3.** orang yg suka melakukan perkara-perkara yg sukar atau berbahaya utk pengalaman.

tualang II sj tumbuhan (pokok), sialang, *Koompassia excelsa.*

tuam barang panas (abu hangat yg dibungkus dlm kain, air panas dlm botol, dll) yg ditekan pd bahagian tubuh yg sakit, demam;

bertuam memanaskan bahagian tubuh yg sakit dgn tuam, berdemah;

menuam, menuami 1. menekankan (melekapkan) tuam pd, mengurut (memanaskan) bahagian tubuh yg sakit dgn tuam, mendemah; **2.** mengacukan (membidikkan) senapang dll: *seorang askar sedang ~ muncung senapang ke arah perutnya;*

tuaman hasil menuam: *~ air suam pd bahagian yg sengal boleh membantu meringankan kesakitan;*

penuaman proses atau perbuatan menuam utk mengurangkan radang atau rasa sakit.

tuan 1. orang tempat menghambakan diri: *orang kulit putih di Amerika masa itu banyak yg menjadi ~ kpd hamba abdi drpd bangsa Negro; ~ hamba sl tuan;* **2.** a) = ~ punya pemilik (kedai, perusahaan, dll): *jika kereta yg dipandu itu tidak mempunyai lesen,*

~ *punya kereta itu akan didakwa*; b) kepala atau pengurus (pejabat, perusahaan, dll); ~ *kebun* pengusaha (pengurus) kebun; **3.** orang laki-laki (yg dihormati): ~ *yg datang semalam datang lagi pagi tadi*; *sepeda* ~ Id basikal utk orang laki-laki; **4.** a) panggilan bagi orang laki-laki yg berpangkat atau yg patut dihormati: ~ *doktor*; ~ *hakim*; T~ *Syed Nasir*; b) sl panggilan (sebutan) bagi wanita bangsawan: ~ *puteri*; *mengapatah maka* ~ *hamil maka dibuangkan*; **5.** kata ganti yg halus bagi orang laki-laki atau perempuan yg dilawan bercakap (engkau atau awak yg lebih halus): ~ *sendiri sudah tahu asal saya dr Kampung Balimbing*; **6.** panggilan bagi orang laki-laki bangsa Eropah: ~ *dan memnya tidak meninggalkan pesan apa-apa ketika mereka keluar tadi*;

~ *besar* a) ketua perusahaan (ladang dll); b) Id ark Gabenor Jeneral; ~ *kecil* a) = ~ *muda* anak sulung laki-laki dlm sesuatu keluarga atau adik laki-laki tuan rumah; b) penolong (wakil) tuan besar (perusahaan dll); ~ *rumah* a) orang yg memiliki rumah, ketua rumah (keluarga); b) orang yg meraikan tetamu (biasanya pd majlis yg diadakan di rumahnya atau yg dianjurkannya); ~ *tamu* ark tuan rumah; ~ *tanah* pemilik tanah;

tuan-tuan **1.** orang laki-laki (sekalian yg hadir): ~ *yg dihormati, silalah duduk*; **2.** sl orang bangsawan, ningrat: *maka ~ itu pun nak ke darat dgn segala persembahannya, lalu berjalan ke Bukit Siguntang*; *anak* ~ anak raja-raja;

bertuan **1.** ada tuannya (pemiliknya), mempunyai penguasa: *semua tanah yg dulunya hutan di kawasan itu sekarang sudah ~ dan akan diusahakan*; **2.** bertindak (bersikap) sbg tuan: *semenjak kematian bapanya dia ~ di sini*; **3.** memanggil atau menyebut tuan (kpd): *janganlah ~ lagi kpd saya, panggillah saya 'abang' sahaja*;

bertuankan **1.** mempunyai sbg tuan, berketuakan: *kalaulah ini benar bermakna bukan sahaja kita masih ~ mereka dr segi teknologi bahkan juga dr segi pengurusan;* **2.** menghamba kpd, menganggap sbg tuan kpd: *pd bicara dinda tiada mahu dinda ~ lain drpd Yang Dipertuan; janganlah kita ~ anak raja seorang ini;*

menuani menguasai, memiliki;

menuankan menjadikan tuan, memanggil tuan (kpd orang yg dilawan bercakap): *Tuan Bob dituankan oleh orang-orang suruhannya, diayahkan oleh peringkat anak-anak;*

mempertuan, mempertuankan menganggap (mengakui) tuan: *yg mana baik berkenan ke bawah duli tuanku akan ganti duli tuanku itulah patik sekalian sembah dan pertuan;*

Yang Dipertuan (gelaran kpd) raja atau sultan yg memerintah; *~ Besar; bangsa ~ bangsa yg menganggap dirinya lebih tinggi atau mulia drpd bangsa lain; hak ~ hak atau kedaulatan ke atas sesuatu daerah (negeri);*

mempertuani ark menguasai;

tuanan bangsawan, ningrat; *anak ~ anak tuan-tuan;*

ketuanan hak menguasai dan memerintah sebuah (negeri, daerah, dll), kedaulatan: *utk menjamin ~ politik Melayu, maka dunia politik Melayu harus dirombak;*

ketuan-tuanan spt seorang tuan (ketua, orang berpangkat, dll): *“Saya pegawai Kerajaan”, Encik Ramli berkata ~;*

pertuanan **1.** golongan orang bangsawan, kaum ningrat: *tatkala itu Bendahara pun hendak masuk menghadap baginda diiringkan oleh segala pegawai dan ~; Dewan P~ dewan yg dianggotai oleh orang bangsawan dlm parlimen Inggeris;* **2.** kuasa pemerintahan

(ke atas negara dll): *dgn itu pemerintahan atau ~ Siam di atas kedua-dua negeri itu pun diiktiraf*; **3.** = *hak ~ kedaulatan.*

tuang I; *besi ~ besi yg dibuat drpd besi yg dicairkan dgn menggunakan acuan, besi cetak; pindah ~ (darah) Id pemindahan darah, transfusi darah;*

bertuang (yg) *dicetak (drpd besi yg dicairkan): tangga rumah emas ~, ibu tangga emas bertitik;*

menuang 1. *mencurahkan (mengisikan) barang cair ke dlm bekas: Mahat duduk dan ~ kopi ke dlm cawan; 2. melebur (logam) dgn memanaskannya: ~ bijih timah; 3. mencetak leburan besi dll ke dlm acuan (utk membentuk sesuatu): tembaga yg sudah dileburkan itu dituang dijadikan berbagai-bagai barang; adat diisi, lembaga dituang prb dilakukan menurut aturan yg biasa;*

menuangi 1. *menuang (air, minyak, dll) ke, mengisi (cawan dll) dgn barang cair (minuman dll): menyambar-nyambar api itu bagaikan dituangi minyak kereta; ia ~ gelasny sendiri dan meneguknya dgn lahap; 2. menghujani (peluru, kata-kata), melepaskan (kata-kata, tembakan): di Amerika dan di Eropah Barat, kita dituangi dgn kata-kata bahawa komunis yg menjadi pokok kekacauan;*

menuangkan *mencurahkan (memasukkan) barang cair ke dlm bekas atau acuan: kami pun ~ minuman keras itu ke dlm gelas masing-masing dan mula minum; selepas dilebur, timah itu dituangkan ke dlm acuan yg berbentuk bata;*

tuangan 1. *(sesuatu) yg dituang; besi ~ besi tuang, besi cetak; 2. cetakan, acuan: pendeknya sungguh cantik ~nya;*

penuangan *perihal menuang (menuangi, menuangkan);*

ketuangan; *hari ~ Ruhulkudus Id hari utk merayakan turunnya Ruhulkudus (menurut agama Kristian).*

tuang II bp tidak datang belajar, kerja dsb (tanpa mendapat izin guru dsb), ponteng: *beberapa orang sahaja yg datang tetap ke kelas malam, yg lainnya selalu ~.*

tuangku ark tuanku, tengku; ~ *kubur* ahli kubur (orang-orang yg telah meninggal dunia); □ → □**tuanku**.

tuang-tuang 1. sj suling drpd buluh yg ditiup utk memberi alamat dll; **2.** ark corong pembesar suara; **tetuang.**

tuanku tuan yg mulia (dlm percakapan dgn raja): *tersebutlah konon sebuah negeri bernama Bandar Muar, rajanya bernama T~ Gombong Malim Dewa; baiklah ~ tiada lama patik pergi; ~ laras Mn kepala daerah.*

tuantu bp tuan itu.

tuap bidai utk membandut tangan (kaki) yg patah: *ada kalanya mesti digunakan ~ jika kaki telah patah.*

tuar I 1. sj lukah drpd ranting-ranting berduri (utk menangkap ikan sungai); **2.** Mn ranting-ranting kayu dll yg didirikan di bendang utk menakutkan burung; *bagai haruan di dlm ~ prb tidak tetap keadaannya (selalu sakit atau susah).*

tuar II lampu atau api utk memberi isyarat (tanda); □ → □**suar**.

tuar III; *burung* ~ sj burung, merbah kelabu, *Microscelis flavalus cinereus*.

tuarang musim kemarau: *mereka tidak peduli ~ sedang menghebat, iklim sedang panas teriknya; ~ panjang* musim kemarau panjang; *sebelum ~ panjang, buah sengkung sebesar betis* prb a) sebelum ditimpa kesusahan tidak dapat seseorang itu memikirkan bagaimana kesusahan itu; b) berita yg belum sah lagi biasanya sudah diperbesar-besarkan.

tuas I sj alat utk mengungkit (mengangkat) sesuatu yg berat, pengungkit, tuil;

menuas mengangkat (mengungkit) dgn tuas.

tuas II Kd, Pn dahan-dahan kayu yg dibenamkan dlm air supaya ikan berkumpul.

tuas III Kl; **menuas 1.** mengikat, menambat (orang salah dll); **2.** Pr cabut lari, melarikan diri.

tuasah sj tumbuhan (herba), betimun tikus, lipam, sipam, *Gymnopetalum cochinchinense*.

tuat I bintil pd kulit; □ → □ **ketuat**.

tuat II Kd tanda tempat yg banyak ikan (di laut).

tuau 1. = akar patut ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Thunbergia grandiflora*; **2.** = akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar ketuau, lana, rumput meliau, *Thunbergia laurifolia*.

tuba I sj racun ikan (dibuat drpd bermacam-macam jenis akar yg beracun biasanya akar *Derris elliptica*); jenis-jenisnya: ~ jenerak, ~ jemu, ~ kapur, ~ seluang, dll;

~ tikus racun pembunuh tikus, berangan; *memecah* ~ menyiarkan khabar hingga mencemaskan orang;

~ *binasa ikan tak dapat* prb pekerjaan yg sia-sia atau merugikan; *bagai (spt) ikan kena* ~ prb tidak berdaya lagi;

menuba 1. meracuni (ikan) dgn tuba: *mereka pergi* ~ ikan di sungai; **2.** menyakiti, menyiksa (hati, jiwa, dll): *dia menangis dgn hati yg dituba oleh perasaan cemburu*;

penubaan perihal atau perbuatan menuba: ~ ikan di sungai mestilah dibendung dgn segera;

penuba orang yg menuba: *masyarakat tidak harus mendiamkan diri terhadap perbuatan* ~ ikan di sungai itu.

tuba II; ~ benar = akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Derris elliptica*; ~ buah sj tumbuhan (pokok), *Diospyros wallichii*; ~

seluang (seludang) sj tumbuhan (herba), johong beralih, pancis-pancis, *Polygonum barbatum*.

tuba III sj alat muzik tiup drpd kumpulan bras yg lebih besar drpd trompet.

tubagus gelaran utk orang bangsawan keturunan Sultan Banten.

tuban-tuban selaput pembungkus janin (dlm kandungan) dan tembuni;
air ~ air yg keluar lebih dahulu drpd bayi; **ketuban, tentuban, tetuban.**

tuber (Bio) batang bawah tanah atau akar cabang yg membengkak kerana berisi makanan simpanan, mis ubi kentang.

tuberkulosis (Ubat) penyakit batuk kering, tibi.

tubi; **bertubi-tubi** bertalu-talu, berturut-turut, berulang-ulang, berlanjutan (tembakan, pukulan, dll): *tiba-tiba terdengar bunyi tembakan* ~; *ditamparnya muka budak itu* ~;

menubikan membuat sesuatu dgn berulang-ulang (bersungguh-sungguh dll): *Karim* ~ *pertanyaannya tadi*;

mempertubi-tubi, mempertubikan, mempertubi-tubikan memperhebat berkali-kali (terus-menerus dll): *dipertubi-tubikan tikaman itu tiada juga kena*;

tubin I sl hari keempat selepas hari ini (selepas tulat), tonggeng.

tubin II sj lukah utk menangkap ikan; □ → **terubin.**

tubin III Pr nyanyuk, bingung, mamang: *ayah saya sudah* ~ .

tubing I = **menubing** miring ke bawah: *topinya yg ~ ke depan itu dinaikkannya sedikit utk menampakkan dahinya*; → **tuding I.**

tubing II ikan panggang (dihidangkan dgn bawang dan sambal).

tubir 1. tebing (jurang dll) yg curam, tepi atau pinggir (gaung, sungai, dll) yg dalam: ~ *lurah*; ~ *sungai*; **2.** tepi sesuatu: *ia meletakkan punggungnya di ~ ambin*; ~ *tayar kereta*; **3.** tempat yg paling

dalam (di laut dll); **4.** hampir dgn tepi sesuatu yg dalam: *duduk terlalu ~ ke pinggir jurang*; **5.** ki hampir kpd bahaya (maut dll).

tubruk Id **1.** lompatan utk menerkam (menangkap dll), terpa; **2.** langgar, tabrak, tumbuk; *main ~ bp menangkap (menuduh, menerka, dll) dgn membabi buta*; *tabrak-~* berbagai-bagai jenis pelanggaran kereta dll;

bertubrukan **1.** saling berlanggar, berlanggaran; **2.** ki tidak secocok, saling bertentangan;

menubruk **1.** melompat utk menangkap (menerkam dll), menerpa: *ditubruhnya orang tua yg sudah lama dirindunya itu*; **2.** melanggar, menumbuk: *perahu motor kami hampir terbalik kerana ~ pulau karang yg rendah*; **3.** bp menangkap (pencuri), memberkas: *kepala perompak itu sudah ditubruk oleh polis*;

tertubruk, ketubruk Jk terlanggar (oleh kereta dll), tertumbuk;

tubrukan **1.** pelanggaran (kereta dll), langgaran, tumbukan; **2.** = **bertubrukan** berlanggaran, bertabrakan, bertumbukan: *mobil ~ dan hancur, aku dapat celaka enteng*.

tub-tub bp tiba-tiba, sekonyong-konyong.

tubuh **1.** = ~ *badan* keseluruhan jasad manusia atau binatang yg kelihatan (terdiri drpd kepala, badan dan anggota): *makanan yg banyak mengandungi zat perlu utk membina dan menjaga kesihatan ~; direbahkan ~nya; bekas ~ pakaian yg sudah dipakai*; **2.** badan sahaja (tidak termasuk kepala dan anggota): *peluru itu kena ~nya terus ke jantung; berpeluk (memeluk) ~ ; batang ~ a) = tubuh badan keseluruhan jasad; b) badan sahaja (tidak termasuk kepala dan anggota); c) diri (sendiri)*; **3.** = *batang ~ diri (sendiri), peribadi; tuan ~ tuan sendiri (bukan wakil dll)*; **4.** bahagian sesuatu yg terpenting, awak: ~ *perahu; ~ kapal terbang*; **5.** ark = **pertubuhan**; **6.** jisim, jasad benda;

~ *halus* roh, jiwa (lw jasad); ~ *kasar* jasad; *tolak tangan berayun kaki peluk* ~ *mengajar diri* prb membuang kehidupan yg senang-lenang;

setubuh 1. satu badan, sebadan; 2. ark secocok, sejodoh benar, seia sekata; 3. = **persetubuhan** seketiduran, jimak, sanggama;

bersetubuh melakukan perhubungan jenis, berjimak, bersanggama, berseketiduran;

menyetubuhi melakukan perhubungan jenis (hubungan seks) dgn, menjimak, meniduri;

bertubuh bp berbadan sihat, gemuk, tambun: *anak dia itu ~ benar*;

menubuhkan 1. mendirikan (persatuan dll), membentuk (jawatankuasa, badan, dll): *beliau berazam hendak ~ sebuah Bank Rakyat pd tahun hadapan*; 2. mewujudkan, mengadakan, menjelmakan, menyatukan (dgn): *bagi keperluan mereka yg tidak mampu membeli buku saya mengesyorkan kerajaan ~ perpustakaan di kampung-kampung dan di pekan-pekan kecil*;

tertubuh sudah ditubuhkan (diwujudkan dll), terwujud, terbentuk: *dgn ~nya Universiti Kebangsaan maka kesempatan utk mengecap pelajaran tinggi terbuka lebih luas kpd rakyat bumiputera*;

pertubuhan badan yg ditubuhkan utk mengerjakan (menjalankan) sesuatu, lembaga, organisasi, persatuan:

P~ Bangsa-Bangsa Bersatu badan antarabangsa yg bertujuan menegakkan keamanan dan keselamatan dunia; ~ *bukan kerajaan* badan atau pertubuhan sukarela yg bergiat dlm bidang sosial, ekonomi, kebudayaan dsb dgn matlamat dan fungsinya yg tertentu; ~ *sukarela* pertubuhan yg diwujudkan dgn kehendak atau kerelaan anggota-anggotanya utk berkhidmat kpd masyarakat (bukan kerana mata pencarian atau utk memperoleh keuntungan dsb);

penubuhan perihal menubuhkan (syarikat, persatuan, dll): ~ *syarikat ini memberi peluang kpd orang Melayu utk memiliki rumah sendiri melalui syarikat ini.*

tubul; *ikan* ~ sj ikan darat, terbul, terbuli, *Osteochilus hasselti*.

tuding I 1. tidak mendatar atau lurus tegak (menikam, menombak, dll), senget ke bawah, condong, miring; 2. meruncing dan tajam, lancip (bentuk mata pisau, mata pedang, dll); **tubing I**.

tuding II Jw tunjuk, penunjuk;

menuding 1. menunjuk ke sesuatu arah (dgn jari telunjuk, tongkat, dll): *telunjuk ibu tua itu ~ ke puncak tugu*; 2. menuduh: *mereka akan ~ tuan sbg orang yg bertanggungjawab atas pembunuhan itu*;

menudingkan menunjukkan sesuatu ke arah: *isterinya ~ jarinya ke arah seluar yg tergantung*.

TUDM kep Tentera Udara Diraja Malaysia.

tuduh; **menuduh 1.** menunjuk dan mengatakan seseorang melakukan kejahatan (kecurangan dll): *kitalah yg berdosa kerana ~ dia melakukan perkara yg bukan-bukan*; 2. mengatakan seseorang itu melakukan sesuatu yg melanggar undang-undang, mendakwa: *beliau ~ bahawa Datuk Bendahara itu telah menggunakan wang kerajaan utk mengadakan beberapa tunjuk perasaan antikerajaan*; **tuduh-menuduh** saling menuduh (menyalahkan satu sama lain): *mereka ~ sesama sendiri*;

menuduhkan melemparkan dakwaan kpd, mendakwakan: *beliau telah menyangkal keras segala yg dituduhkan kepadanya itu*;

tertuduh sudah (telah) dituduh, terdakwa: *dia ditangkap bukan kerana mencuri atau menipu tetapi kerana ~ membantu musuh dlm masa negeri kita diduduki oleh Jepun*; *yg* ~ orang yg dituduh (didakwa);

tuduhan hasil menuduh, hal yg dituduhkan, dakwaan: *fitnah dan ~ kotor begitu mudah dihambur-hamburkan;*

pertuduhan kenyataan yg menuduh atau mendakwa seseorang yg disyaki melakukan sesuatu kesalahan atau jenayah dan sedang menjalani perbicaraan di mahkamah: *beliau kini sedang menghadapi lima ~ rasuah; mereka mengaku tidak bersalah apabila kertas ~ dibacakan di hadapan hakim;*

penuduh orang yg menuduh, pendakwa.

tudung I sesuatu yg digunakan utk menutup bahagian sebelah atas (kepala, lubang, dll), tutup, penutup: *maka tuan puteri pun segeralah menarik ~ ke atas hulunya berselubung muka; kain ~ kain penutup kepala atau muka perempuan, selendang; tali ~ bulu (rambut) di pipi, cambang, jambang;*

~ belanga penutup belanga; ~ kepala a) penutup kepala (songkok, topi, dll); b) = ~ muka kain selubung (utk menutup kepala atau muka); ~ lampu penutup lampu, terendak lampu; ~ lingkup kain penutup kepala dan muka (bagi perempuan); ~ meja kain alas meja; ~ rahap kain penutup mayat sebelum ia dimandikan; ~ saji = ~ hidangan = ~ sarang Sr = ~ tapak penutup makanan (drpd pandan dll) supaya jangan dihinggap lalat;

bertudung memakai tudung, bertutup dgn tudung: *gadis-gadis itu ~ lingkup dgn kain berwarna pinang masak;*

bertudungkan memakai atau menggunakan sesuatu sbg tudung: *wanita itu hanya sempat ~ sehelai tuala mandi utk menyelamatkan diri dr rumah yg sedang terbakar itu;*

menudung menutup dgn tudung, memberi bertudung: *dia ~ mukanya dgn tangannya; keris itu dibubuh di atas ceper perak dan ditudung dgn tetapan;*

menudungi menjadi sbg tudung pd, menutupi;

menudungkan menutupkan sesuatu sbg tudung: *kain itu ditudungkan pd mukanya;*

tertudung tertutup dgn tudung: *mukanya tidak kelihatan kerana ~ dgn kain;*

penudungan perihal menudung (menudungkan);

penudung sesuatu yg dipakai utk menudung (menudungi), penutup.

tudung II; ~ *periuk* = ~ *tempayan* sj ikan laut, *Platacidae*.

tudung III; ~ *roman* sj tumbuhan (pokok), guriam, lampin budak, penculam, puding, seleguri (betina), selulang bukit, unting-unting, *Clerodendron disparifolium*.

tufah Ar = *buah* ~ buah epal.

tugal batang kayu dll yg tajam hujungnya utk melubangi tanah utk ditanami (padi dll); *padi* ~ padi yg ditanam di tanah kering, padi huma;

menugal membuat lubang dgn tugal di ladang dll (utk menanam padi, jagung, dll): *setelah siap membakar kira-kira dua minggu mulailah~; asal ditugal adalah benih prb sesuatu usaha* itu tentu ada hasilnya;

menugalkan menanamkan benih padi (jagung dll) dgn menggunakan tugal: *demikian cara orang ~ bibit padi ladang;*

tugalan = *padi* ~ padi yg ditanam dgn cara menugal; **tukai**.

tugar ark tugal.

tugas I 1. = ~ *kewajiban* sesuatu (kerja, tanggungjawab, dll) yg mesti dilaksanakan, sesuatu yg ditentukan utk dikerjakan, tanggungjawab: *~nya ialah memberi penerangan kpd penduduk; sempurnalah ~nya sbg seorang anak;* **2.** suruhan utk melakukan sesuatu (drpd pihak yg berkuasa), arahan, perintah: *dia telah diberi ~ utk memulihkan keadaan huru-hara di tempat itu;* **3.** kerja yg

dijalankan oleh sesuatu jabatan (bahagian tubuh dll), fungsi: *apa ~ karburetor pd enjin kereta?*;

bertugas (sedang atau tengah) menjalankan tugas, bekerja: *dia sekarang sedang ~ sbg seorang guru besar di Sekolah Kebangsaan Tanjung Keling*;

menugaskan menyerahkan sesuatu tugas (pekerjaan dll) kpd, memerintahkan supaya melaksanakan sesuatu: *ia telah ditugaskan utk menterjemahkan buku itu ke dlm bahasa kebangsaan*;

menugasi memberi seseorang tugas;

tugasan kerja tertentu terutamanya yg perlu dilaksanakan (disiapkan) oleh pelajar, tugas ilmiah dsb: *dlm ~ ini mereka dilatih melaporkan pemerhatian dan pengalaman sendiri*;

penugasan perihal menugas seseorang, penyerahan sesuatu tugas;

petugas orang yg bertugas (utk melakukan sesuatu), pekerja.

tugas II ark; **menugas** menuduh tanpa sebarang bukti yg nyata: *dituduh akan dia kafir dan ditugas ia mencabul segala gundik ayahnya*;

tugas I.

tugu 1. sj tiang besar dan tinggi yg dibina drpd batu dll; **2.** = ~ *peringatan* tiang batu yg dibina utk memperingati sesuatu (keguguran pahlawan dlm peperangan dll).

tuha sl tua.

tuhan I sesuatu (spt dewa dsb) yg dipuja oleh golongan manusia yg agama atau kepercayaan mereka tidak berasaskan kepercayaan kpd Tuhan Yg Esa;

bertuhan percaya kpd atau memuja tuhan; ~ *kpd memuja* (mendewakan) sesuatu sbg tuhan;

bertuhankan bertuhan kpd: ~ *harta benda*;

mempertuhan, mempertuhankan menganggap (memuja) sesuatu sbg tuhan, memperdewakan sesuatu: *suatu pemikiran yg ~ harta, spt pemikiran dan fahaman kapitalis.*

Tuhan II Allah yg mencipta alam semesta: *Nabi Musalah yg pertama sekali dapat bercakap dgn ~ di Bukit Tursina; ~ Yg Esa* Allah yg hanya satu (tunggal);

bertuhan percaya kpd Tuhan; *orang yg tidak ~ orang yg tidak percaya* adanya Tuhan;

ketuhanan 1. sifat keadaan Tuhan: *Maha Suci bagi Allah yg tinggi ~-Nya dan tiada sekutu bagi-Nya; menunjukkan ~-Nya* menunjukkan sifat-sifat keadaan-Nya sbg Tuhan; **2.** perihal Tuhan; *ilmu ~ ilmu mengenai Tuhan dan agama; **3.** kepercayaan (kebaktian) kpd Tuhan; dasar percaya kpd Tuhan yg Maha Esa.*

tuhfah, tuhfah Ar hadiah atau pemberian yg berharga, cenderamata.

tuhfatulajnas Ar berbagai-bagai hadiah (bingkisan, cenderamata, dll) yg mahal-mahal harganya.

tuhu Jk; *burung ~ sj burung, burung culik-culik.*

tuhus Br **1.** semakin kempis (bengkak, bisul, dll); **2.** semakin berkurang (air masakan dsb).

tuhut Br lutut.

tui I menumpang modal pd orang yg bermain judi.

tui II C meminta berhenti sebentar, cup (dlm permainan kanak-kanak).

tui III membaling, melempar, melontar.

tui IV merendam kaki dlm air panas (utk berubat).

tui V sj tumbuhan (pokok), joran, *Dolichandrone spathacea.*

tuidi Jk ark penolong ketua kampung.

tuil sesuatu yg digunakan utk mengangkat sedikit (menaikkan barang yg berat-berat dll), penyungkit, tuas;

menuil menyungkit (mengungkit) dgn tuil, menuas;

penuilan perihal (proses, perbuatan, kerja dsb) menuil sesuatu: ~
bongkah batu besar yg terbenam itu dilakukan secara gotong-royong.

tuisyen bimbingan tambahan yg diberikan kpd pelajar (individu atau kumpulan kecil) bagi mata pelajaran tertentu: *dia mencari nafkah dgn memberi ~ kpd pelajar-pelajar sekolah.*

tuit sj kain bulu yg tebal dan lembut, kain teriko.

tuja Jh tuju.

tujah; menujah menusuk dgn benda tajam (lembing, tombak, dll) dr atas ke bawah, menohok, meradak: *mata pena itu cuma ditujah-tujah pd kertas;*

menujahkan menusukkan tombak (lembing dsb) arah ke bawah, merohokkan;

tertujah ditujah oleh, tertusuk, tercucuk: *kakinya ~ duri nibung;*

tujahan hasil menujah, tusukan: *harimau itu langsung tidak menghiraukan ~ lidi sumpitan yg bertali arus memacak pd tubuhnya.*

tujal □ → □ **tunjal**.

tuji sl berulang-ulang (melakukan sesuatu), bertubi-tubi, berturut-turut.

tuju **1.** arah, hala, jurusan: *ke mana ~nya?*; **2.** = **tujuan** maksud, kehendak, sasaran;

setuju 1. = **setujuan** sama arahnya (maksudnya, tujuannya, dll): *dasar perjuangan kita adalah ~;* **2.** = **bersetuju** tidak bertentangan (pendapat, fikiran, dll), semuafakat, sependapat: *aku ~ dgn kata-katanya;* **3.** = **bersetuju** serasi, cocok, sesuai: *jikalau barang suatu perkataan itu dipakai berpatutan dgn tempatnya nescaya sedaplah bunyinya dan ~lah dgn ertinya;* **4.** ark = **bersetuju** tertarik hati kpd, berasa senang akan, berkenan: *jika tuan ~ ambillah;* **5.** = **bersetuju, bersetujuan** berbetulan (dgn), bertepatan (dgn);

menyetujui, mempersetujui menyatakan bersetuju dgn, tidak menentang atau membangkang (pendapat dll), membenarkan, mengiakan: *rasa berat hati anakanda hendak ~nya; permintaan itu dipersetujuinya;*

menyetujukan, mempersetujuan menjadikan setuju, mencocokkan, mengakurkan, menyesuaikan;

persetujuan 1. pernyataan setuju (memperkenankan, membenarkan), membenaran, pengesahan: *pernikahan anaknya tempoh hari tidak mendapat ~nya;* 2. sesuatu yg telah dipersetujui (oleh kedua-dua belah pihak), kata sepakat yg dicapai, perjanjian: *akhirnya mereka mendapat ~ membuka kedai buku dgn modal lima puluh ringgit seorang;* 3. perihal setuju, kecocokan, keselarasan, kesesuaian;

menuju 1. = ~ ke = ~ arah ke pergi ke, arah ke: *maka kedua-dua hulubalang itu berjalanlah ~ gunung itu;* 2. mengikut arah (hala), mengabah, mengarah, menghala: *pembuluh ini masuk ~ ke hati;* 3. membalikkan (melontarkan) kpd: *melempar ~ tampuk;* 4. menghendaki, memaksudkan: *engkau yg ditujunya, tetapi yg lain yg didapatinya;* 5. bermaksud utk mencapai, bertujuan utk menuntut sesuatu: *segala perintah dan hukumnya itu ~ kpd suatu perkara yg besar, iaitu kesenangan hati bagi segala rakyatnya juga;*

menujui menuju: *tidak lama kemudian sampailah mereka ke negeri yg ditujui;*

menunjukkan 1. membawa sesuatu arah ke, mengarahkan ke, mengacukan ke: *kapal itu hendak ~ haluannya ke laut;* 2. mengalamatkan kpd, mengarahkan kpd, menyampaikan kpd: *Radio Malaysia sedang merancang siaran dlm bahasa Perancis yg ditunjukkan kpd pendengar di Vietnam;*

tertuju 1. kena tuju, dituju; 2. = ~ *kpd* diarahkan (dialamatkan, dimaksudkan, ditujukan) *kpd*: *kedua-dua matanya tetap ~ ke muka Muhammad Sani*; 3. *ki* tertumpu (*pd*): *fikirannya ~ kpd gadis genit itu*;

tujuan 1. arah, hala, haluan; 2. yg dituju, maksud, matlamat, tuntutan: *tiap-tiap manusia berusaha utk mencapai ~ ini*; ~ *penderita = pelengkap ~ Id objek (dlm ayat), penyambut (dlm ayat)*;

bertujuan 1. mempunyai tujuan, ada yg dituju (dimaksudkan), berhaluan: *nampaknya tuan hamba juga ~ hendak ke tempat mereka*; 2. *Id* memakai penyambut atau objek (ayat dll);

ketuju; ~ *di hati* a) tertarik hati, terpicat hati, suka; b) yg disukai, yg digemari;

diketujui ark disukai, digemari;

penuju; ~ *di hati* ketuju di hati.

tuju II jampi (mantera dll) yg dibaca utk membuat orang jatuh sakit atau mati: *ayahanda lepaskanlah ~ ini*;

menuju menggunakan (melepaskan) tuju *pd*: ~ *orang sampai mati*.

tujuh bilangan enam ditambah satu (7), angka 7; ~ *belas* 17; ~ *puluh* 70; *bintang* ~ nama gugusan bintang yg tujuh banyaknya, *Pleiades*;

~ *keliling* *Jk* sakit kepala yg amat sangat; ~ *likur* malam yg kedua puluh tujuh (dlm bulan Ramadan);

ketujuh-tujuh tujuh-tujuh sekali, tujuh semuanya: ~ *anaknya sudah dewasa dan berjaya dlm hidup masing-masing*; ~ *majalah ini mempunyai khalayak sasarannya yg berlainan*;

bertujuh tujuh jumlahnya, tujuh (orang dll) semuanya;

menujuh; ~ *bulan* mengadakan kenduri *pd* ketika orang mengandung tujuh bulan; ~ *hari* mengadakan kenduri *pd* hari yg ketujuh selepas seseorang meninggal;

penujuh kenduri kerana menuju hari.

tukah Tr sj pari kecil.

tukai; menukai ark menugal (ladang dll); □ → □ **tugal**.

tukal I ukuran banyaknya benang (1 tukal = 16 rian, 16 tukal = 1 bantal).

tukal II Kd tugal.

tukal III Tr sj labu yg tebal isinya dan berwarna kuning.

tukam; menukam menziarahi orang mati, melawat.

tukang I 1. orang yg mahir dlm sesuatu pekerjaan tangan, pandai; ~ *besi*

orang yg pandai membuat alat drpd besi (parang, pisau, dll); **2.**

orang yg pekerjaannya membuat (menjual, mengurus, dll) sesuatu

yg tertentu: ~ *catat*; **3.** orang yg suka atau biasa melakukan sesuatu

(yg umumnya kurang baik); ~ *copet* orang yg gemar mencopet; **4.**

ahli (sbg kata cemuhan); ~ *kritik* orang yg gemar mengkritik orang

lain;

~ *air* penjual atau pengangkat air; ~ *ampu* orang yg suka

mengampu (bermuka-muka dgn ketuanya dll); ~ *andam* orang yg

pandai mengandam pengantin biasanya pengantin perempuan); ~

api orang yg menjaga api (di kapal dll); ~ *arloji* orang yg

pekerjaannya memperbaiki jam; ~ *asah* sl orang yg pandai mengasah

gigi; ~ *bang* bilal, muazin; ~ *batu* orang yg pandai membuat

perkakas drpd batu; ~ *beca* penarik beca; ~ *bendera* = ~ *kebut* Id

penjaga garisan (dlm permainan bola sepak dll); ~ *botol* = ~ *loak*

orang yg membeli dan menjual barang-barang lama; ~ *canai*

tukang mengasah pisau dll; ~ *catut* broker (cangkau); ~ *cerita*

orang yg suka bercerita; ~ *cetak* orang yg pekerjaannya mencetak

(buku dll); ~ *cuci* dobi, penatu; ~ *cukur* orang yg pekerjaannya

mencukur (janggut, rambut, dll); ~ *daging* penjual daging; ~ *dobi*

pencuci kain (pakaian); ~ *elektrik* orang yg memasang dan

membbaiki alat-alat elektrik; ~ *emas* orang yg pandai membuat

barang-barang perhiasan dll drpd emas; ~ *es* Id penjual air batu (aiskrim); ~ *gambar* orang yg kerjanya mengambil gambar dgn kamera; ~ *gerobak* orang yg pekerjaannya menjalankan gerobak; ~ *gunting* orang yg pekerjaannya menggunting rambut; ~ *hias jurusolek* (pesolek); ~ *ikan* penjual ikan; ~ *jahit* orang yg pekerjaannya mengambil upah dgn menjahit; ~ *karang* orang yg mengarang(kan) sesuatu (lagu, cerita, dll); ~ *karut* orang yg paling penting dlm persembahan dikir barat yg menyampaikan lagu dan pantun secara spontan dan agak rancak; ~ *kasut* = ~ *sepatu* orang yg pandai membuat (membaiki) kasut; ~ *kayu* orang yg pandai membuat barang-barang (kerusi, meja, dll) drpd kayu; ~ *kebun* orang yg menjaga kebersihan kawasan rumah (sekolah dll); ~ *kelarah* orang yg pandai sedikit-sedikit membuat bermacam-macam kerja tetapi tidak mahir betul; ~ *kereta* orang yg pandai membaiki kereta; ~ *korek* orang yg suka mengkritik (mencela, mencari kesalahan, dll); ~ *lelucon* pelawak; ~ *mabuk* pemabuk; ~ *masak* orang gajian yg kerjanya memasak; ~ *pangkas* tukang gunting; ~ *pedati* orang yg pekerjaannya menjalankan pedati; ~ *pidato* orang yg pandai berpidato; ~ *pos* penghantar surat-surat pos, posmen; ~ *rumah* orang yg kerjanya membina atau membaiki rumah; ~ *sapu* orang yg kerjanya menyapu sampah; ~ *sate* orang yg menjual sate; ~ *sampah* orang yg mengangkat sampah; ~ *sayur* penjual sayur; ~ *sihir* orang yg pandai membuat sihir, ~ *serabot* orang yg suka menyerobot; ~ *silap mata* pemain silap mata; ~ *sukat* pekerja yg menyukat (mengukur) tanah dll; ~ *sunat* mudin; ~ *susu* penjual susu; ~ *tadah* orang yg menerima barang-barang curian; ~ *tenun* penenun kain dll; ~ *tenung* ahli nujum; ~ *ternak wang* orang yg meminjamkan wang dgn mengambil bunga; ~ *ubat* penjual ubat; ~ *urut* orang yg pandai mengurut; ~ *wang* orang yg

menjaga urusan wang (di pejabat dll); ~ *warung* orang yg mempunyai warung (tempat menjual barang makanan dll); ~ *tidak membuang kayu* prb orang yg cerdik sayang kpd sekalian macam orang kerana tiap-tiap mereka itu ada gunanya;

bertukang, menukang mengerjakan pekerjaan tukang (membuat barang-barang dll): *aku tahu dia banyak kebolehan, menulis, melukis dan ~* ;

tukang-menukang segala yg berkaitan dgn pekerjaan tukang (membuat barang-barang dll);

menukangi mengerjakan sesuatu sbg tukang: *ia menyuruh membuat pancapersada tujuh tingkat, lima kemuncaknya, terlalu indah-indah perbuatannya, Batala ~nya*;

ketukangan kepandaian bertukang, keahlian bertukang: *sepatutnya engkau menunjukkan ~ engkau kpd aku*;

pertukangan 1. perihal bertukang; *sekolah ~* sekolah utk melatih orang menjadi tukang; **2.** pekerjaan bertukang: *ada baiknya ~ bangsa sendiri itu dihidupkan semula*; **3.** persatuan (himpunan) para tukang.

tukang II; *burung ~ a) = ~ besi* sj burung takau, *Megalaima australis*; b) ~ *malam* sj burung, burung kubur, burung malas, burung segan, *Caprimulgus asiaticus*.

tukar bp = **bertukar**; ~ *barang* bertukar barang dgn barang (dlm perdagangan); ~ *cincin* saling memberi cincin tanda (pd hari pertunangan); ~ *ganti* memberi ganti (benda yg telah hilang dll); ~ *tambah* bertukar barang dgn memberi tambahan wang;

bertukar 1. memberi dan menerima gantinya, saling memberi: *kedua-dua lelaki berjabat tangan, sedang kedua-dua perempuan ~ sapa*; **2.** berubah kpd bentuk (rupa dll) yg lain: *mukanya yg jernih tadi tiba-tiba ~ menjadi muram*; ~ *dr* yg sudah-sudah berlainan

(berubah) dr yg sudah-sudah; **3.** berganti dgn yg lain, bersalin (pakaian dll), bersilih (kulit, bulu, dll): *timbanganya yg dibuat drpd upih itu empat hari sekali* ~; **4.** berpindah dr suatu tempat ke tempat yg lain (dr kereta ke kereta yg lain dll): *dia sekarang sudah ~ ke Ipoh;*

~ *adat* berubah adatnya (berlainan drpd yg biasa); ~ *akal* menjadi gila; ~ *baju* (pakaian) bersalin baju (pakaian); ~ *bulu* a) berganti dgn bulu yg baru (burung dll), bersilih bulu; b) ki berubah pegangan (pendapat, pendirian, dll); ~ *fikiran* a) berbincang, berbahas; b) berubah pendapat (pendirian dll); c) gila; ~ *ganti* berganti dgn yg baru; ~ *haluan* berubah arah (haluan dll); ~ *hati* a) sudah berubah perasaan hati; b) lain di mulut lain di hati; ~ *kulit* a) bersalin kulit (ulat dll); b) ki berubah pendapat dll; ~ *lalu* bertukar barang dgn tidak menambah wang; ~ *sebut* tidak sama atau berbeza pendapat (perkataan dll); ~ *tangan* berpindah kpd orang lain (pihak lawan dsb); ~ *tempat* a) yg satu berpindah ke tempat yg lain dan kebalikannya; b) berpindah tempat; *seiring* ~ *jalan*, *seia* ~ *sebut* prb orang yg setujuan maksud atau faham tetapi berlainan cara melaksanakannya;

bertukar-tukar **1.** selalu berganti, berganti-ganti; **2.** saling mengambil hak orang lain (kerana tersalah atau tersilap); **3.** saling memberi: *mereka dibenarkan ~ hadiah yg kecil-kecil; kami sering berbincang dan ~ pendapat;*

bertukaran, bertukar-tukaran saling memberi sesuatu, beri-memeri: *mata kami sentiasa bertukar-tukaran pandangan yg membawa makna;*

menukar **1.** mengganti dgn yg lain: ~ *pakaian;* **2.** merubah kpd keadaan yg lain: *air boleh ditukar menjadi wap jika dipanaskan; kemudian ia ~ haluannya serta belayar menghala ke utara;* **3.**

menghantar (meletakkan dll) ke tempat lain, memindahkan; **4.** Mn membeli-belah, berbelanja;

tukar-menukar saling memberi, beri-memberi: *pd zaman dulu orang menjalankan perniagaan dgn cara ~ barang;*

menukari memberi sesuatu sbg ganti, mengganti: *~ wang kertas dgn wang perak;*

menukarkan 1. menggantikan dgn yg lain: *yg dibuat oleh baginda itu hanyalah ~ orang Portugis yg lemah dgn orang Belanda yg lebih kuat;* **2.** mengubahkan kpd sesuatu yg lain (menjadi sesuatu yg lain): *ketiga-tiga itu pun mulalah bertapa dan bersetuju ~ nama mereka;* **3.** menghantarkan (memindahkan, meletakkan dll) ke tempat lain: *aku akan ditukarkan ke Pahang bulan depan;*

mempertukarkan 1. menukarkan; **2.** menjadikan bertukar(-tukar); **tukaran** sesuatu yg ditukarkan, pengganti: *jikalau tuan hendak melepaskan katak ini berilah ~nya;*

pertukaran perihal bertukar (mempertukarkan), pergantian, perubahan, perbuatan, dsb bertukar-tukar (pendapat dsb): *sebagaimana mata pelajaran lain, pelajaran senaman juga menghendaki ~ dr satu jenis ke satu jenis yg lain; suasana pertemuan dan ~ pendapat antara para editor; ~ asing wang atau mata wang asing (yg digunakan dlm perniagaan antara negara);*

penukaran perihal menukarkan (mengubahkan, memindahkan, menggantikan, dll), pemindahan, penggantian, pengubahan: *diadakan ~ tandatangan sbg cenderamata;*

penukar orang atau alat yg menukar(kan); *~ wang orang yg menukar wang (wang dlm negara dgn wang luar negara).*

tukas I; menukas, menukasi mendakwa tanpa bukti yg cukup, menuduh sembarangan;

tukasan dakwaan yg tidak beralasan; **tugas II.**

tukas II Mn kembali semula, ulang;

bertukas-tukas berulang (datang dll);

menukas melakukan sesuatu berulang-ulang, mengulang lagi.

tukas III sj tumbuhan (palma), *Caryota mitis*.

tukik I; menukik 1. turun (terjun, terbang, dll) ke bawah dgn kepala dahulu, menjunam: *kapal-kapal terbang Jerman ~ lurus dr udara menyerang kapal-kapal pihak Berikat di Laut Tengah*; **2.** memandang (membidik dll) arah ke bawah; **3.** = ~ *api* ark menghidupkan api dgn batu api, mencetus api;

menukikkan menggerakkan (menerjukkan, melayangkan, dll) arah ke bawah dgn kepala dahulu, menjunamkan; ~ *layang-layang* menurunkan layang-layang (dgn menjunamkannya); ~ *tombak* menusukkan tombak ke bawah; ~ *pandang* = ~ *pemandangan* menghalakan pandangan ke bawah, melihat (memandang) ke bawah.

tukik II toreh pd kayu dll yg agak dalam (pd batang getah yg telah ditoreh dll), takik;

menukik memarang dll membuat tukik, menakik, menakuk, menoreh: *kuli-kuli sedang asyik ~ getah atau memetik buah kelapa sawit*;

tertukik 1. lut (makan) ditukik, boleh ditukik; **2.** berbekas spt ditukik; ~ *jejak mendaki, tersendorong jejak menurun* prb kaum kerabat yg telah jauh itu tiadalah sangat kuat pd hak waris.

tukil I sj tabung drpd buluh dll (utk mengisi air nira dll).

tukil II ark □ → □ **nukil**.

tukolit (Kim) mineral uranium yg mengandungi antara 2% hingga 8 % uranium oksida.

tuksedo (tuksédo) sj jaket lelaki berwarna hitam atau putih yg biasanya dipakai dgn tali leher kupu-kupu utk menghadiri majlis rasmi.

tukul = **penukul** pemukul (kecil), martil; ~ *besi* tukul yg dibuat drpd besi; ~ *kayu* tukul yg dibuat drpd kayu; *adat ~ lantak* bayaran utk menentukan sempadan tanah (memasang pancang dll); *tapak* ~ kesan drpd melakukan sesuatu (bukti drpd mengerjakan sesuatu);
menukul memalu (memantak, melantak, dll) dgn tukul: *kepingan logam menjadi panas apabila ditukul*.

tukun batu di laut yg tidak kelihatan (berbahaya utk kapal), batu karang: *maka Selampit pun jatuhlah di dlm laut lalu tersepit di celah ~ tiga tiada boleh bergerak lagi;* ~ *tiruan* longgokan tayar buruk dll dll di dasar laut yg digunakan sbg tempat ikan berlindung dan membiak.

tukung Kd, Kl, Pn gondol, botak.

tukup Mn penutup, tudung, tutup.

tukus I; *angin* ~ angin yg mula-mula selepas musim hujan.

tukus II □ → □ **tukas III**.

tul; *main* ~ sj permainan kanak-kanak, main galah panjang.

tulah I kemalangan yg menimpa kerana melanggar larangan (melakukan sesuatu yg kurang baik terhadap orang tua-tua, menderhaka kpd raja, dll), kualat, kutuk: *ampun beribu-ribu ampun, takutlah patik menjadi ~ duduk di atas peterana ini tempat bersemayam adinda;* ~ *papa* kutuk yg mendatangkan kesengsaraan (kepapaan); *takut* ~ Br takut mendapat kecelakaan keranan melawan perintah ibu bapa; *takut akan ~ baginda* takut akan kualat baginda;

menulahi mengenakan tulah kpd, mengutuki (menyumpahahi dll) orang supaya mendapat kemalangan;

ketulahan mendapat kemalangan kerana ditimpa tulah, menderita tulah: *baginda telah ~ pd raja Melaka kerana yg sebenarnya raja Melaka itu tiada patut berkirim sembah kpd raja China*.

tulah II IB, bp elaun (belanja hidup dll), tambahan (pd gaji).

tulang I 1. rangka tubuh manusia (binatang) atau bahagian-bahagiannya:

~ *ayam*; ~ *ikan*; ~ *dadanya retak akibat kemalangan itu*; **2.** ki sesuatu yg menyerupai tulang atau rangka; ~ *daun urat pd daun*; ~ *andas* salah satu tulang kecil dlm telinga tengah mamalia, yg terletak di antara tulang rakap dgn tulang tukul; ~ *ari-ari* = ~ *som* tulang pd bahagian ari-ari; ~ *air mata* tulang yg *nipis* spt sisik terdapat pd sebelah atas rongga mata; ~ *belakang a)* = ~ *punggung* Id = ~ *ula-ula* tulang yg beruas-ruas dr tengkuk hingga ke punggung; b) ki orang atau sesuatu yg menjadi sumber atau pusat kekuatan atau tenaga (sesuatu perkumpulan, pertubuhan, dll); c) bahagian jilidan buku yg kelihatan apabila buku disusun di rak; ~ *belikat* = ~ *daun* = ~ *dayung* = ~ *kipas* = ~ *tamparan nyamuk* tulang yg berbentuk spt kipas pd belikat; ~ *belulang* tulang dan kulit sahaja; ~ *belut* sj jahitan yg umumnya terdapat pd baju teluk belanga; ~ *benih* Kl senjata utk membunuh; ~ *bercagak* = ~ *pengancing* tulang rahang atas dan rahang bawah; ~ *bercerai* = ~ *berselisih* = ~ *tercabut* = ~ *tergeliat* = ~ *terkehel* tulang yg tersalah letak (kerana terseliuh, tergeliat, dll); ~ *betis a)* = ~ *kering* tulang dr lutut hingga ke pergelangan kaki; b) tulang dr lutut hingga ke pergelangan kaki pd sebelah belakang, fibula; ~ *buku* bahagian belakang buku; ~ *buku lali* tulang yg berbonggol hampir dgn pergelangan kaki; ~ *bumbung* kayu yg membujur pd bumbung rumah (utk menyangga kasau); ~ *cagak* = ~ *pipi* tulang di antara rongga mata dgn telinga; ~ *caping* = ~ *hulu hati* = ~ *sudu hati* tulang yg lembut pd hujung tulang dada; ~ *cenak* tulang yg melintang dr pangkal leher hingga ke pangkal bahu; ~ *cenonot* = ~ *kongkeng* = ~ *tongkeng* = ~ *sulbi* tulang di bawah sekali pd bahagian tulang belakang, yg terletak di punggung; ~ *dada* = ~ *papan* = ~ *rimau menangis* tulang yg pipih di tengah-tengah dada

(tempat tulang rusuk bertemu), sternum; ~ *dahi* tulang pd bagian dahi; ~ *daun* a) tulang belikat; b) urat pd daun; (*dgn*) ~ *delapan kerat* ki hanya tubuh sahaja; ~ *empat kerat* anggota badan (kaki dan tangan); ~ *gigi* = ~ *rahang bawah* tulang yg membentuk dagu (tempat gigi bawah melekat); ~ *godok kepala* tulang pd bagian belakang tengkorak; ~ *halus* = ~ *ketul* = ~ *muda* = ~ *rawan* tulang yg lunak atau lembut; ~ *hasta* tulang tangan yg di sebelah dalam; ~ *hitam* bp sumsum; ~ *kamkam* tulang cagak; ~ *karang* tulang yg rupanya spt karang; ~ *kelek buyung* bagian atas tulang pungkur; ~ *kemburan* tulang pd tapak tangan; ~ *keng* bagian hujung tulang rahang; ~ *kering* tulang pd bagian kaki di sebelah hadapan betis, tulang pd bagian kaki dr lutut ke buku lali; ~ *ketuk jari* buku jari (utk meluku); ~ *kucing* = ~ *lengan atas* = ~ *pangkal lengan* tulang dr bahu hingga ke siku; ~ *langit-langit* tulang yg di sebelah atas mulut (pd langit-langit); ~ *lebar* = ~ *ruas* tengkuk tulang yg beruas-ruas pd leher; ~ *lembusir* = ~ *papan bahu* tulang belikat dan tulang selangka; ~ *mata duli* = ~ *mata kaki* = ~ *alah mak* bonggol tulang betis hampir dgn pergelangan kaki (tulang buku lali); ~ *mereh* tulang spt tapak kuda yg hampir dgn pangkal lidah; ~ *paha* = ~ *selangka katak* tulang dr lutut hingga ke pangkal paha; ~ *pangkal paha* = ~ *pungkur* = ~ *punggung* tulang yg lebar pd bagian pinggang hingga ke punggung; ~ *pantat* = ~ *punggung* = ~ *pelana* bagian tulang pungkur yg di bawah sekali; ~ *papan pungkur* = ~ *ruas pinggang* = ~ *ruas punggung* bagian tulang belakang dr pinggang ke punggung, sulbi; ~ *pelipis* = ~ *pelipisan* = ~ *tudung* bagian tulang tengkorak di antara dahi dgn telinga; ~ *pemulas* = ~ *pengumpul* tulang di antara siku dgn pergelangan tangan yg di sebelah luar; ~ *perabung* kayu palang yg dipasang pd persilangan kasau jantan (utk menyangga perabung); ~

pergelangan kaki tulang di antara tulang tumit dgn buku lali; ~ *pergelangan tangan* tulang yg menghubungkan jari dgn lengan, buku tangan, sendi tangan; ~ *pukang* a) tulang pangkal paha; b) tulang paha lembu bahagian atas kaki belakangnya; ~ *rahang* tulang tempat gigi melekat; ~ *rakap* salah satu tulang kecil dlm telinga tengah mamalia, yg terletak di bahagian paling dalam dibandingkan dgn dua tulang kecil yg lain (andas dan tukul); ~ *rangka* segala tulang yg menjadi rangka tubuh badan, kerangka; ~ *rawan* a) tulang muda; b) tulang dada (binatang); ~ *ruas* tulang yg beruas-ruas (tulang belakang dll); ~ *ruas jari* tulang yg merupakan bahagian drpd jari; ~ *rusuk* tulang yg melingkungi rongga dada; ~ *selangka* tulang cenak; ~ *sudu hati* = ~ *sedu hati* tulang caping; ~ *sumsum* tulang yg berisi sumsum, mis tulang belakang; ~ *tangan* tulang dr siku hingga ke pergelangan tangan; ~ *tengkorak* dua tulang pd sebelah kiri dan kanan kepala; ~ *temulang* seluruh tulang dlm tubuh; ~ *tukul* salah satu tulang kecil dlm telinga tengah mamalia, yg bersentuhan dgn gegendang telinga dan bersendi dgn tulang andas: *beratus-ratus tahun lamanya daging, kulit dan temulangnya tertanam di dalam bumi*; ~ *teras tentera* Id ark induk tentera; ~ *tudung* tulang di antara tulang tengkorak dgn tulang pelipis; ~ *tumit* tulang pd bahagian tumit (os calcis); ~ *tongkeng* tulang menonjol; ~ *tunjang* a) tulang di antara jari kaki dgn tumit; b) kaki ayam (burung dll); ~ *tutup dahi* tulang dahi yg benar-benar di atas mata;

minta ~ *ke lidah* = *minta* ~ *ke lintah* prb menghendaki sesuatu yg tidak akan dapat; *putih* ~ *dikandung tanah, budi baik dikenang juga* prb budi bahasa yg baik itu tidak akan dilupakan orang; *ringan* ~ *berat perut* prb orang yg mahu bekerja berat serta dgn

rajinnya tentu akan mendapat rezeki; *tinggal ~ dgn kulit = tinggal kulit pembalut* ~ prb perihal orang yg sangat kurus;

bertulang 1. mempunyai tulang; *ikan ~ ikan* yg mempunyai tulang; **2.** mempunyai rangka atau tulang (drpd besi, kayu, dll); *beton* ~ Id simen yg dikuatkan dgn besi di dalamnya;

lidah tiada ~ prb orang yg mudah membuat janji dan mudah pula mengubah janjinya;

menulangi membuang tulang (ikan dll);

tulang-tulangan 1. segala macam tulang (dlm tubuh), rangka tubuh; **2.** rangka rumah (drpd kayu dll);

ketulangan terlekat atau tersangkut tulang ikan dll di kerongkong;

pertulangan ark (Bali) tempat mayat dibakar;

penulangan pembentukan tulang atau bahan bertulang.

tulang II; ~ *daing* sj tumbuhan (pokok), jendaris, *Millettia atropurpurea*; *akar ~ daing bukit* sj tumbuhan (pokok memanjat), jenderih, *Derris thysiflora*; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok); a) *Arytera littoralis*; b) *Memaocylon costatum*; *rumpun ~ belalang* sj tumbuhan (rumpai), rumpun telur kutir, *Eragrostis amabilis*.

tulang-tulang 1. sj tumbuhan (pokok), tentulang, *Euphorbia tirucalli*; **2.** sj tumbuhan (pokok), gading-gading, *Prismatomeris malayana*; **3.** sj tumbuhan (pokok), berombong, merombong, *Timonius pendicularis*.

tular; menular 1. membiak atau menjangkit (penyakit, benih penyakit): *penyakit itu mudah ~*; **2.** ki merebak ke merata-rata tempat (sesuatu yg kurang baik), menjalar: *apabila sikap acuh tak acuh ~ kpd seluruh masyarakat, apa-apa rancangan pun tidak akan mendapat sambutan*;

menulari menular kpd, berjangkit kpd, menjangkiti: *penyakit malaria yg ~ penduduk kawasan luar bandar masih belum dapat dihapuskan lagi;*

menularkan menjadikan menular, merebakkan, menjangkitkan: *ada antara kita yg secara sedar atau tidak sedar telah menanamkan dan ~ keresahan sesama manusia;*

ketularan dihinggapi penyakit menular, kejangkitan;

penularan perihal menular (menulari, menularkan): *~ krisis itu hanya berkisar antara beberapa orang anggota yg tertentu;*

penular agen (spt serangga dsb) yg menularkan penyakit dsb: *serangga itu berperanan sbg ~ penyakit.*

tulat hari selepas lusa (tiga hari selepas hari ini).

tulen (tulén) tidak bercampur (dgn yg lain), bukan tiruan, asli, sejati: *anak Melayu ~; emas ~ emas yg sejati (bukan campuran);*

ketulenan perihal tulen, keaslian, kesejatian: *duit ialah sj mata wang yg dibuat drpd logam yg mempunyai timbangan dan ~ yg diakui oleh pihak pengeluarannya;*

penulenan 1. proses menuliskan sesuatu unsur: *proses ~ silikon;*
2. alat utk menceriakan sesuatu spt air, udara, dll: *milikilah ~ air Kambrook percuma yg istimewa ini apabila anda membeli mana-mana mesin basuh.*

tuli tidak dapat mendengar (kerana rosak alat pendengaran), pekak; *~ sebelah* tidak dapat mendengar dgn sebelah telinga; *buta ~* tidak mempedulikan sesuatu apa;

menulikan = *~ telinga* 1. menyebabkan jadi tuli (kerana terlalu kuat bunyinya dll), memekakkan: *teriakan penjaja itu ~ telinga;* 2. membuat tuli (dgn sengaja), berpura-pura tuli (kerana tidak mahu mendengar dll);

ketulian perihal tuli, kepekakan.

tulip sj tumbuhan taman drpd genus *Tulipa* di negara beriklim sederhana spt Belanda, yg tumbuh drpd bebawang, dan bunganya berbentuk spt loceng yg terdapat dlm pelbagai warna.

tuli-tuli sj tali (drpd benang sutera, emas, perak, rotan, dll) utk melekatkan sarung keris pd tali pinggang.

tulium (Kim) sj unsur logam.

tulis; *batu* ~ a) papan batu (utk menyurat); b) = *batu bertulis* batu bersurat, prasasti; *bilik* ~ bilik tempat menyurat (membaca dll); *buku* ~ = *kitab* ~ buku kosong utk menyurat; *kain* ~ kain batik; *kapur* ~ kapur utk menyurat pd papan hitam dll; *mesin* ~ alat untuk menaip, mesin taip; *spt* ~ *di atas air* prb nasihat yg baik itu tidaklah berguna kpd orang yg memang jahat;

bertulis ada tulisannya, sudah ditulis, bersurat: *surat* yg ~ dgn *huruf Jawi*; *batu* ~ batu tulis; ~ *tangan* disurat dgn tangan;

menulis 1. mencatat kata-kata dgn huruf dan memakai pena (kalam, kapur, pensel, dll), menyurat: *pd masa kanak-kanak berada di dlm darjah satu, mereka mulai belajar* ~; 2. melahirkan perasaan (fikiran dll) dgn catatan yg memakai huruf, membuat surat, mengarang: *tiada empat orang dlm negeri ini yg tahu ~ spt tuan ini; jika yg ditulis olehnya berlawanan dgn yg sebenarnya sudah tentu ia akan merupakan racun yg amat berbahaya*; 3. sl membuat gambar, menggambar, melukis: *laksana gambar baru ditulis*; 4. membuat kain batik (dgn tangan), membatik;

tulis-menulis perihal menulis (mengarang dll), karang-mengarang;

menulisi menulis (menyurat) pd: *jangan ditulisi buku ini*;

menuliskan 1. menulis sesuatu di, mencatatkan: *dia meminta kertas drpd jururawat, lalu ~ namanya*; 2. menggunakan sesuatu utk menulis, menulis dgn (pencil dll): *bagaimana hendak ~ pencil yg tumpul ini?*; 3. menceritakan dgn menulis, mengarangkan,

menyuratkan: *cerita ini kutuliskan secara roman sejarah*; **4.** menulis (mengarang, menyurat) utk orang lain: *dia meminta saya ~nya sepucuk surat*; **5.** membuatkan gambar (peta dll), menggambarkan, melukiskan: *inilah waktu baik engkau tuliskan peta negeri Judah ini*;

tertulis telah atau sudah ditulis, tercatat, tersurat: *harga yg ~ pd peti itu ialah \$7.50 sen*;

tulisan 1. hasil drpd menulis, sesuatu yg ditulis, cara menulis: *rupa ~mu spt cakar ayam*; *dgn ~ dgn ditulis* (tidak dgn kata-kata); **2.** hasil sastera (dlm bentuk prosa atau puisi), karangan: *pernahkah dia membaca ~ Bertrand Russell?*; **3.** sl sesuatu yg digambarkan, gambaran, lukisan; **4.** kain yg dibatik (bukan dicetak), batik; **5.** sesuatu yg ditakdirkan, nasib, suratan;

~ *cepat* Id trengkas; ~ *Jawi* tulisan yg memakai huruf-huruf Jawi; ~ *nasib* suratan takdir; ~ *Rumi* tulisan yg memakai huruf-huruf Rumi; ~ *tangan* tulisan yg ditulis dgn tangan (tidak ditaip atau dicetak);

penulisan perihal atau kegiatan dsb menulis (mengarang dll), hasil drpd menulis (mengarang dll): *dlm usaha meringankan hikayat ini saya telah mengikuti gaya ~ yg asal*; *versi 1965 ialah ~ kembali teori asal dgn beberapa pindaan dan tambahan*;

penulis 1. orang yg menulis: *siapa ~ surat ini?*; **2.** pengarang (novel, cerpen, dll), penyair, penyajak: *hampir semua orang yg hadir pd majlis itu ialah wartawan dan ~ belaka*; **3.** panitera, setiausaha, sekretaris; ~ *cepat* jurutrengkas; **4.** sl orang yg melukis (menggambar), penggambar, pelukis: *setelah dilihat oleh segala Keling ~ itu, maka sekaliannya hairan*; ~ *tamu* tokoh khas yg diundang oleh sesebuah institusi, badan dsb utk menghasilkan karya tulisan yg berupa novel, puisi dsb.

tulu ark sangat bodoh, hilang akal, bingung, tolol.

tuluk Kl sr utk menyatakan permainan menyorok dimulakan, jadi.

tulur sj tumbuhan, bereksa, *Parkia javanica*.

tulus = ~ *hati* = ~ *ikhlas* lurus hati, ikhlas, jujur, terus terang: *dgn rasa ~ ikhlas ia menyambut panggilan orang itu;*

menuluskan menjadikan tulus (bersih, suci), membersihkan (niat dll): *hendaklah tuluskan hatimu pd berbuat kebaikan kpd Allah;*

ketulusan perihal tulus; ~ *hati* kebersihan dan kesucian hati, kejujuran: *manusia telah*

menyia-nyiakan kejujuran dan ~nya.

tum I bunyi spt bunyi letupan meriam dll, dentum.

tum II Jw; **ditum** dimasak atau direbus dgn dibungkus dlm daun (bkn daging atau ikan).

tum III = *tali* ~ bp tali kekang kuda.

tuma sj binatang halus spt kutu (terdapat pd binatang dan juga manusia); *perkuda* ~ prb sesuatu yg mustahil akan diperoleh; *sembunyi* ~ *kepala tersorok ekor kelihatan* prb perihal orang yg berbuat sesuatu yg kurang baik dan menyangka tiada siapa yg mengetahui walhal diketahui semua orang; *takutkan* ~ *dibuangkan kain* prb sebab takut akan rugi yg sedikit lalu mendapat rugi yg lebih besar lagi.

tuman Jk sudah biasa benar dgn, menjadi biasa.

tumandang sl kacak, segak (kelihatan).

tumang I sj pancang utk menyangga sesuatu (dijadikan tambatan khemah, kerbau, dll): *tercabut* ~ *disentak oleh kerbau itu;* ~ *tungku ganjal* yg diletakkan di atas tungku.

tumang II; menumang, menumangkan 1. tidak mahu menerima, menampik, menolak; *tidak* ~ *lawan* tidak memilih lawan, sangat berani; **2.** berasa takut akan, gentar akan: *apalah ditumangkan*

akan hal yg sekecil itu; 3. berasa bimbang atau kluatir: perkara biasa takkan kita ~kan; 4. sl membiarkan (tinggal), meninggalkan: jangan hamba seorang ditumangkan;

tumang-menumang, tumang-menumangkan 1. tinggal-meninggalkan, biar-membiarkan: *sama lebur sama binasa, di manakan tumang-menumangkan; 2. saling berbantah (tidak muafakat), bertelagah: maka barang sesuatu bicara dan pekerjaan, hendaklah muafakat, jangan ~.*

tumbal Jw tangkal (azimat dll) yg dipakai utk menolak bala dll.

tumbalang ark tembelang.

tumbang I 1. jatuh (benda yg tegak), rebah: *pokok getah yg telah tua itu ~ sebatang demi sebatang; 2. ki jatuh atau runtuh (kerajaan, negara, dll): Port Arthur ~ pd hari terakhir tahun 1904; 3. ki disembelih (binatang spt kerbau, lembu, dll): dua ekor lembu jantan ~ dan berpuluh-puluh ekor ayam lagi mengikutinya; ~ harapan putus harapan;*

menumbang 1. menjadikan tumbang (pokok yg besar-besar dll), meruntuhkan, merobohkan: *pokok yg akarnya tidak kuat, mudah sahaja ditumbang oleh ribut; 2. ki menjadikan runtuh atau roboh (kerajaan, negara, dll), menghancurkan, memusnahkan: pelajar-pelajar yg pd mulanya mengikut saja apa kata pemerintahnya akhirnya melawan balik ~ kerajaan; berbagai-bagai cara musuh-musuhnya mencari jalan utk ~nya.*

tumbang II Mn = ~ keladi (pisang, ubi) sj makanan drpd keladi (pisang, ubi) yg ditumbuk halus-halus dan digaul dgn gula dan kelapa parut;

menumbang membuat tumbang (keladi, pisang, ubi).

tumbas ark tidak bersisa sedikit pun, habis semua sekali; □ → □ **tumpas**

I.

tumben (tumbén) Jk **1.** pertama kali, mula-mula sekali; **2.** tidak spt biasa, ganjil benar.

tumbesar tumbuh dan membesar (tumbuh-tumbuhan dll);

tumbesaran proses tumbesar: *hormon yg bertanggungjawab ke atas ~ dan fungsi seks.*

tumbit; ~ kayu sj tumbuhan, kecap, *Allophylus fulvinervis.*

tumbu Jw sj bakul besar yg bertutup (tempat beras dll).

tumbuh I 1. hidup dan menjadi bertambah besar atau sempurna (benih, pokok, rambut, dll): *anak kelapa sudah mulai ~; janggutnya ~ panjang;* **2.** menjadi besar (tubuh badan dll), sedang naik: *perempuan muda yg sedang ~;* **3.** terbit, terjadi, timbul (perkara): *jika ~ satu-satu hal, aku tidak tahu, aku tidak mahu bertanggungjawab lagi;*

~ di tanah yg gembur prb anak gadis yg kaya ibunya; *di mana ~ di situ disiang* prb jika telah terjadi sesuatu perkara atau perselisihan barulah diperiksa (diselesaikan); *kerambil ~ di matanya* prb a) perempuan muda yg elok rupa parasnya dan kaya pula; b) pembesar negeri yg cerdik lagi berada; *tak ~ tak melata* prb orang mengatakan tentang sesuatu perkara itu tentulah ada sebabnya;

bertumbuh hidup, tumbuh: *pokok labu air itu ~ menjalar ke sana ke mari;*

menumbuhi tumbuh (hidup) di: *orang yg darahnya kotor selalu ditumbuhi jerawat;*

menumbuhkan 1. menjadikan tumbuh, menjadikan berkecambah: *baja ini gunanya utk ~ benih semaian itu dgn cepat;* **2.** menjaga atau memelihara supaya tumbuh (hidup, berkembang, dll) dgn sempurna, memperbesar, memperkembang: *tidaklah lebih menguntungkan bagi Filipina utk pindah kpd bahasa Melayu-Indonesia drpd ~ bahasa Filipina itu;* **3.** mendatangkan

(menimbulkan, menerbitkan) sesuatu perasaan (perselisihan dll):
pertentangan mata antara gadis dgn pemuda itu akhirnya ~ kasih sayang yg tiada taranya;

tumbuhan 1. sesuatu yg tumbuh (berkecambah, hidup, dll); **2.** = **tumbuh-tumbuhan** segala yg hidup dan berbatang (berakar, berdahan, berdaun, dll), pokok: *paku-pakis mempunyai beberapa sifat yg sama dgn tumbuh-tumbuhan berbunga;* **3.** Jk sj bisul dlm daging;

~ *dwimusim* (Bio) tumbuhan yg menamatkan kitar hidupnya dlm dua musim, spt kubis dan lobak merah; ~ *saka* (Bio) tumbuhan yg hidup lebih drpd dua tahun (biasanya berbatang keras, berbunga serta berbuah pd setiap musim), mis pokok jati; ~ *semusim* (Bio) tumbuhan yg menyempurnakan keseluruhan kitar hidupnya dlm satu musim tanaman (satu tahun), mis padi, jagung;

ketumbuhan 1. ditumbuhi oleh: *halaman rumah yg dahulunya dijagai dan ditanami bunga, sekarang ~ lalang;* **2.** penyakit kulit (yg mudah berjangkit), cacar; jenis-jenisnya: ~ *bungkus*, ~ *jagung*, ~ *jintan*, ~ *ketumbar*, dll; **3.** (Ubat) tisu yg membesar atau membengkak secara tidak normal, mis tumor; **4.** = **tumbuhan** Jk sj bisul dlm daging;

pertumbuhan perihal tumbuh, perkembangan: *pokok yg tidak cukup baja dan air akan terbantut ~nya;*

penumbuhan perihal menumbuhkan: *jaminan itu tidak akan bererti kalau usaha ~ bahasa itu sendiri tidak berjalan dgn sewajarnya.*

tumbuh II; ~ *kelapa* = ~ *nyiur* sj tumbuhan (pokok), *Arthrophyllum diversifolium*.

tumbuk I 1. = **penumbuk** alat utk memukul sesuatu supaya hancur atau lumat (alu, anak gobek, dll); **2.** sesuatu yg dikuliti dll dgn antan atau alu: *beras ~; kacang ~;*

~ bedil satu cara meninju (dlm pencak); *~ kasau* papan yg dipasang selari dgn kasau jantan (utk menutup bahagian tepi tebar layar); *~ lada* sj senjata tajam Melayu (spt pisau atau badik); *~ rusuk* (perbuatan) rasuah; *~ tanak* segala pekerjaan rumah tangga;

setumbuk ki sepadan, sesuai benar; *orang ~ bagai gelang* ki orang yg sama padan (suami isteri dll);

bertumbuk 1. saling meninju (antara dua orang yg berkelahi dll), bergocoh, bertinju: *mereka berpandangan spt ingin ~;* **2.** yg ditumbuk (tidak digiling atau dikisar): *raja China tiada makan beras ~ sampai sekarang;* **3.** berlanggar atau berlaga (dgn), bertubrukan (dgn): *hampir ~ hidungnya dgn Leman;* **4.** terlanggar atau terbentur (pd): *lututnya ~ dgn kaki meja;* **5.** bertemu (dgn), terjumpa (dgn): *suatu hari nanti dia akan ~ dgn beberapa kesulitan yg akan menyusahkan dirinya;* **6.** bertembung (dgn), bertaut (dgn), bersambung (dgn): *tiba-tiba ~lah pandangannya dgn pandangan Tuan Direktor yg telah berdiri di pintu;* **7.** berbetulan dgn (waktunya), bertepatan dgn, bersamaan dgn;

menumbuk 1. memukul dgn alu dll supaya hancur (terkelupas dll): *ia sedang ~ padi; beras yg aku makan itu hendaklah dikupas olehmu, jangan lagi ditumbuk;* **2.** memukul dgn buku tangan, meninju, menggocoh: *dia sangat marah lalu ~ muka orang itu;* **3.** melanggar akan, membentur kpd, menubruk: *dia telah mendapat luka-luka apabila kereta yg dipandunya ~ seekor kerbau yg sedang melintas jalan;* **4.** Mn ark berjalan kaki, menapak;

~ dlm lesung, bertanam di periuk prb mengerjakan sesuatu hendaklah menurut aturannya; *bagai ~ padi hampa* prb hal

seseorang yg terbilang kekayaannya tetapi yg sebenarnya dia miskin;

menumbuk-numbuk menumbuk beberapa kali atau berulang kali: *dia pun meratap serta ~ dan menampar-nampar dadanya;*

menumbukkan 1. menumbuk sesuatu utk, menyuruh tumbuk pd: *ia ~ ibu siri*; 2. melanggar sesuatu pd, melandakan, membenturkan, menubrukkan; 3. memukulkan buku tangan pd, menggocohkan, meninjukan, 4. menikamkan atau menusukkan pd: *jika tiada lembing ini ditumbukkan di dada bukannya hamba anak laki-laki;*

tertumbuk 1. terlanggar (terbentur, tertubruk); 2. sudah ditumbuk (dikupas, dilumatkan, dll); 3. terpukul (dgn buku tangan), tertinju; 4. telah sampai ke hadnya, sampai (pd), terbentur, tersuntuk; ~ *akal (fikiran)* sudah suntuk akal (tidak tahu apa yg harus dibuat dll); 5. boleh atau dapat diketemui, terjumpa (dgn, pd); 6. tertumpu pd (pandangan dll): *pandangannya ~ pd serumpun pohon mawar yg tumbuh di sela-sela rumput;*

~ *bermuka-muka* bertemu muka, bersemuka; ~ *biduk dikelokkan*, ~ *kata difikiri* prb kalau tersilap mengerjakan sesuatu pekerjaan atau tidak dapat diteruskan hendaklah dicari jalan lain;

tumbukan 1. sesuatu yg ditumbuk; 2. perihal menumbuk, pelanggaran, tubrukan; 3. perbuatan memukul dgn buku tangan: *dgn menggunakan kecergasan dan ~ tangan kirinya yg berbahaya ia telah mengalahkan Zora Folley;*

bertumbukan ki bertentangan dgn, berlawanan: *mereka menceburkan diri ke dlm pergerakan politik, ~ dgn 'Secret Service' penjajahan dunia;*

penumbukan perihal menumbuk, perbuatan menumbuk;

penumbuk 1. orang yg menumbuk (padi dll); 2. alat utk menumbuk (padi dll): *lesung ~ padi*; 3. kepalan tangan (utk menumbuk orang dll), buku tangan: *dia meronta drpd pegangan Dolah, sebelah tangannya mengepal ~*; *Muhammad Ali tetap menyukarkan lawannya utk melepaskan sesuatu ~ kepadanya.*

tumbuk II; ~ *banir* sj ikan laut, *Histiophoridae*; ~ *ketampi* sj burung hantu, *Ketupa zeylonensis leschenault.*

tumbuk III = **ketumbukan** pasukan, kumpulan: *keempat-empat orang muda itulah yg menjadi kepala ketumbukan di bawah baginda sultan.*

tumbang sesuatu yg membulat dan menonjol keluar;

~ *dubur* Id dubur yg keluar, *prolapsus ani*; ~ *rahim* Id rahim peranakan yg tertonjol keluar, *prolapsus uteri*; ~ *kelapa (nyiur)* kecambah di dlm buah kelapa (yg telah tua) yg berwarna putih kekuningan, isinya lembut dan boleh dimakan; *sakit ~ sakit buasir*; **bertumbang** ditumbuhi atau ada tumbang: *kami pergi ke kebun utk melonggokkan buah kelapa yg sudah ~.*

tumerang ark → **temerang II.**

tumis sj masakan (sayur, ikan, dll) yg perencahnya direndang dgn minyak atau lemak terlebih dahulu; *sambal ~ sambal* yg dimasak dgn minyak dll (tidak mentah);

bertumis dimasak (direndang dsb) perencahnya dgn minyak atau lemak;

menumis memasak (lauk, sayuran, dll) dgn menggunakan minyak atau lemak: *hari itu dia hendak ~ ikan bilis sama petai*;

menumiskan memasukkan sesuatu (lauk, sayuran, dll) ke dlm minyak atau lemak yg telah dipanaskan: *jerangkan periuk ke api, taruhkan minyak kelapa ke dalamnya, apabila sudah panas tumiskan bawang*;

tumisan hasil menumis: *apabila nasi hampir kering, masukkan ~ sayuran itu bersama-sama dgn udang dan dikacau rata-rata;*

penumis; *minyak ~ minyak (lemak) yg digunakan utk menumis.*

tumit 1. bahagian yg di belakang sekali drpd tapak kaki (di bawah buku lali); *~ bagai lengkuas muda = ~ spt pauh dilarik = ~ telur burung tumit (perempuan) yg cantik;* **2.** bahagian drpd sesuatu yg menyerupai tumit: *dia menghentakkan ~ sepatunya di lantai; cakap berdegar-degar, ~ di keting prb orang yg bercakap besar tetapi penakut.*

tumor gumpalan sel abnormal atau berpenyakit yg tumbuh dan membengkak pd badan manusia atau binatang, ketumbuhan.

tumpah terkeluar, keluar dr bekasnya (benda cair, beras, dll): *hendaklah kamu letakkan bekas itu perlahan-lahan supaya tidak ~ isinya; maka kedua-dua pihak itu pun banyak mati, darah pun banyak ~ ke bumi; tanah (tempat, negeri dsb) ~ darah tempat dilahirkan; ~ darah keluar darah dgn banyaknya dr rahim (bkn perempuan yg baru bersalin, keguguran dsb), turun darah; ~ruah tumpah banyak-banyak;*

menumpahi tumpah dan mengenai sesuatu, mencurahkan pd;

menumpahkan 1. menjadikan tumpah, menyebabkan tumpah: *siapa yg ~ beras dr guni ini?;* **2.** ki memberi (perhatian dll), mencurahkan: *semua yg hadir ~ perhatian kpd Amir;* **3.** ki mengeluarkan atau melahirkan (perasaan dll): *dia membiarkan orang tua itu ~ segala yg terbuka di dadanya; ~ darah melakukan pembunuhan (peperangan dll);*

tertumpah 1. telah ditumpahkan atau tumpah: *air di dlm gelas itu berkocak, malah ada yg ~ ke bawah;* **2.** ki telah diberikan kpd, tercurahkan: *dia masuk bilangan anak-anak yg pandai, sehingga kasih sayang gurunya ~ kepadanya;* **3.** ki tertumpu: *dia*

memandang ke arah daun tingkap yg kegelapan, tempat ~nya bayangan api pelita;

tumpahan sesuatu yg tumpah (ditumpahkan), curahan: *terasa benar ~ sayang ibunya kepadanya sekali itu; ~ minyak* tompokan minyak yg terapung-apung di permukaan laut, biasanya akibat drpd minyak yg tumpah dr kapal disebabkan pelanggaran dsb;

ketumpahan terkena sesuatu yg tumpah: *bajunya ~ kuah;*

pertumpahan perihal tumpah; ~ *darah* perihal tumpah darah (kerana peperangan, perkelahian, dll);

penumpahan perihal menumpahkan, pencurahan; ~ *darah* perihal menumpahkan darah (berperang, berbunuh-bunuhan).

tumpak I Mn 1. kumpulan beberapa benda (tumbuh-tumbuhan, belukar, dll), kelompok; **2.** kawasan besar yg terdiri drpd beberapa kawasan yg lebih kecil, bidang (yg terdiri drpd beberapa bidang kecil): *beberapa ~ sawah, dan sebuah gong pusaka telah tergadai ke tangan orang lain;*

bertumpak-tumpak 1. berkelompok-kelompok (awan di langit dll), bertompok-tompok; **2.** tidak rata, tidak sekata (warna dll): *padi masak ~;* **3.** banyak dan luas sekali (tanah), berkeping-keping: *kebun kelapanya ~, ternakannya banyak kembang biak.*

tumpak II; tumpakan tiang tempat gajah ditambat.

tumpang; ~ *sekaki* bp turut sama melakukan sesuatu yg sedang dilakukan oleh orang lain: *seronok juga mendengar orang mengumpat, bolehlah ~ sekaki;*

bertumpang; ~ *tindih* saling tindih-menindih (bersusun-susun, bertompok-tompok): *beberapa buah buku yg ~ tindih di atas rak disusun semula dgn penuh hati-hati;*

menumpang 1. terletak (terdapat, berada) di atas sesuatu yg lain; *pokok ~ tumbuhan yg hidup pd pokok lain, bendalu; ganja ~ ganja*

yg melekat (bukan ganja iras); **2.** diam (tinggal, bermalam) di rumah orang, singgah (utk bermalam, tinggal) buat sementara sahaja: *buat sementara ini biarlah saya ~ di sini dahulu*; **3.** naik dan berpergian (dgn kereta, kapal, dll): *dr Singkarak ia ~ kereta api ke Padang dgn selamat*; **4.** turut berpergian dgn kenaikan orang (dgn percuma), membonceng: *apabila dilihatnya saya mahu belayar juga maka pergilah ia hendak ~*; **5.** bersama mengerjakan (melakukan) sesuatu, ikut serta; *~ mati* bersama-sama mati, ikut mati; **6.** meminta atau memohon supaya mendapat keizinan (kebenaran dll): *boleh saya ~ bertanya, apa nama kampung ini?*; *~ hidup* tinggal bersama supaya dapat hidup; *~ makan (tidur dll)* turut serta makan (tidur dll);

menumpang ikut tinggal di, menumpang pd atau di, menaiki (kereta, kapal, dll) utk berpergian: *maka ditumpangnya sebuah bas dr Jogja ke Semarang*;

menumpangkan **1.** meletakkan di atas benda lain, meletakkan bertindih: *sebelah kakinya ditumpangkannya pd lutut kaki lain*; **2.** menyuruh tinggal (bermalam) di, membiarkan menumpang, menyuruh menumpang: *anak isterinya sudah ditumpangkan di rumah orang*; **3.** menyuruh menaiki kapal dll (utk berpergian), membiarkan menumpang kapal dll: *anak yg cedera itu telah ditumpangkan di kapal TUDM utk dibawa ke Kuala Lumpur*; **4.** meminta supaya dibawa bersama, memberikan sesuatu supaya dibawa bersama, menyertakan: *kalau tuan hendak ke Singapura, saya hendak ~ sedikit kuih utk anak saya*; **5.** menyerahkan sesuatu supaya diurus (dijagai dll), mengamanahkan, menitipkan: *di kedai itulah ibu Nurshahid ~ kuihnya utk dijual*; *~ diri (hidup, nyawa) kpd* menyerahkan diri (hidup, nyawa) kpd seseorang (supaya diselamatkan dll);

tertumpang 1. (telah) ditumpangkan: *kerana kemiskinan maka ia ~ di biduk tiris aku di sini*; **2.** dikembarkan, disertakan: *bersama surat ini ~ sekeping cek berharga RM45.00 utk anakanda*; ~ *salam drpd* terimalah salam drpd; ~ *salam kpd* sampaikan salam kpd;

tumpang 1. sesuatu yg ditumpangkan (utk diurus, dikirim, dibawa, dll); *barang* ~ barang yg diamanahkan (utk diurus dll); **2.** tempat menumpang yg ditumpangi (rumah, kapal, perahu, dll): *ia sedang duduk berehat-rehat di serambi luar rumah ~nya*; *enam hari lamanya sahaya dalam negeri Alfiah itu, sebab hendak menantikan kapal ~*;

wang ~ bayaran kerana menumpang, sewa; *mencari* ~ a) mencari tempat utk menumpang; b) mencari orang utk ikut serta (berpergian);

penumpangan perihal menumpang atau menumpangkan;

penumpang 1. orang yg menaiki kereta dll (utk berpergian): *setelah kereta api berhenti, berebut pula ~ hendak turun*; *kapal* ~ kapal yg membawa orang (bukan yg membawa barang); **2.** orang yg tinggal (menginap, singgah, dll) di tempat orang; ~ *transit* penumpang yg singgah sebentar di sebuah lapangan terbang utk mengambil penerbangan sambungan lain yg berikutnya ke destinasi yg ditujui.

tumpar Pr, bk mati, mampus.

tumpas I habis sama sekali, binasa, punah: *tanamkan ke dlm hatimu, saudara-saudara, bahawa komunis pasti ~ dr bumi Asia Tenggara*;

menumpas, menumpaskan menjadikan binasa (rosak, punah) sama sekali, memunahkan, memusnahkan: *mereka memimpin pasukan negeri utk ~ pemberontakan*; *beliau telah berjaya menumpaskan ancaman komunis di negerinya*;

ketumpasan perihal tumpas; **tumbas**.

tumpas II ark ; **tumpasan** bintik-bintik kotor (dr dakwat dll), noda.

tumpas III Pr hilang.

tumpat 1. penuh berisi (ruang, rongga, dll), penuh sesak, padat, sendat:

orang yg menghadap itu hingga bertemu lutut ~ , tiada bersila lagi; ~ mampat (tumpul) = penuh ~ penuh betul (mampat, sesak);

2. tidak berongga, mampat, padu: *kayu keras lebih ~ drpd kayu lembut; 3.* ki tidak dapat berbuat apa-apa lagi (kerana hilang akal dll), terbuntu (fikiran dll), tersuntuk: *kerana kematian ibunya itu, fikirannya menjadi ~;*

menumpat, menumpatkan 1. mengisi (menimbus dll) hingga penuh, memadatkan (lubang dll): *~ perigi buta; 2.* ki menutup (mulut), menyumbat;

tertumpat tertimbus (tertimbun dll) hingga penuh, tersumbat;

ketumpatan 1. perihal (keadaan) tumpat, kepadatan; **2.** (Mat) kadar atau nisbah yg didapati apabila berat sesuatu benda dibahagi dgn isi padunya.

tumpeng Jw nasi yg dikukus dan dibentuk spt kerongsong (utk kenduri dll).

tumper Jk puntung api.

tumpes → **tumpas**.

tumpi makanan yg dibuat drpd tepung beras, ditaburi kacang hijau, dicampur dgn jintan putih, dan digoreng berkeping-keping.

tumpil Jk sesuatu yg digunakan utk menyokong (menyangga, menopang, dll), gelas, sangga, sokong, tunjang;

menumpil menopang sesuatu (supaya jangan rebah, runtuh, dll), menyangga, menyokong, menunjang.

tumplak, tamplek Jk habis tertumpah (tercurah).

tumpu 1. = **setumpu** benda yg digunakan utk mengampu kaki (tangan dll), tempat bertopang (berjejak, berdiri, dll); **2.** Kd, bp sampai, hingga ke: *dr mula matahari timbul hingga ~ senjakala, jejak babi tunggal yg diburunya itu tidak juga bertemu;*

bertumpu 1. berjejak atau bertekan pd (kaki, tangan, dll): *dia kembali duduk di kerusi dan ~ kaki di meja;* **2.** = **bersetumpu** bertekan (berkuat dll) dgn telapak kaki pd sesuatu ketika hendak melompat dll, menunjal: *maka ia pun naik ke atas batu itu ~ lalu melompat;* **3.** = **bersetumpu** dgn betul-betul atau sungguh-sungguh melakukan sesuatu, dgn segenap tenaga (mengerjakan sesuatu); ~ *berkelahi* betul-betul berkelahi (dgn menumpukan segenap tenaga); **4.** ki mendapat tempat berpegang, sudah berakar berumbi pd, bertapak dgn kuat: *kuasa penjajah yg telah lama ~ di benua Asia telah dapat dijatuhkan dlm tempoh beberapa bulan sahaja;* **5.** ki penuh berkumpul di, berpusu-pusu di, berada banyak-banyak atau beramai-ramai di: *hampir semua penduduknya ~ di dlm kawasan pertanian;* **6.** bertemu di tempat yg sama (garisan dll): *tiga garisan lurus itu boleh dikatakan ~ jika garisan-garisan lurus itu melalui titik yg sama; mencencang berlandasan, melompat bersetumpu prb jika hendak melakukan sesuatu hendaklah disediakan segala alat syaratnya;*

menumpu 1. = **bertumpu** menekankan (menolakkan dll) pd sesuatu: *tatkala anak raja itu jadi, ditumpu oleh bidannya ulu baginda, menjadi lembang sama tengah;* **2.** ki memberi sokongan (bantuan dll), menunjang, menyokong; **3.** menolak, meniup (angin): *bukan sengaja kami ke mari, dihantar ombak ditumpu angin;* **4.** ki memusatkan (perhatian, pandangan, minat, dll): *matanya ~ kpd anaknya sahaja;*

menumpukan 1. menekankan (tapak kaki dll) pd, menunjukkan pd: *ia ~ kakinya di batu sebelum melompat ke tebing*; 2. tidak menerima, menolak (permohonan dll); ~ *permintaan* menolak permintaan; 3. meninggalkan (negeri dll): ~ *kampung halaman*; 4. menyandarkan atau mendasarkan (pendapat dll) pd, mengasaskan: *ia ~ pendapatnya itu pd beberapa dalil yg boleh dipercayai*; 5. memberi sokongan kpd, menolong, menumpu, menyokong, menunjang: *pasukan kawalan kampung sentiasa bersiap sedia utk ~ pasukan keselamatan menjaga keamanan negara*; 6. memberi segenap tenaga (perhatian, minat, dll) pd, memusatkan (perhatian dll) pd: *mahasiswa-mahasiswa diharapkan supaya ~ masa dan tenaga mereka kpd pelajaran dan kuliah mereka*;

tertumpu 1. telah ditumpukan (ditolakkan), telah tidak diterima (permohonan dll); *permintaannya ~ permintanya ditolak*; 2. telah ditumpukan (dipusatkan, dikerahkan) pd: *pandangannya ~ penuh pd daun pintu rumah yg masih tertutup rapat itu*;

tumpuan 1. sesuatu yg dijadikan tempat utk menumpukan kaki dll (ketika hendak melompat dll), tempat bertumpu; 2. bantuan, sokongan, tunjangan: *dia tahu bahawa dia menjadi ~ harapan ibunya*; 3. pusat atau pangkalan (utk menyerang dll), tempat mengumpulkan kekuatan dll: *Danang, 650 km dr sini, menjadi pusat ~ tentera Amerika*; 4. bahagian bawah tempat tidur (tempat kakinya): *maka Jekin itu dibangunkan oleh Seri Rama, maka ia pun terkejut lalu dilihatnya berdiri di ~nya*; 5. orang dll yg menjadi pusat perhatian (tempat mengadu, berharap, dll): *beliau sudah barang tentu akan menjadi tempat ~ apabila pulang ke kampung*; 6. sesuatu yg menjadi sasaran (tujuan dll), sesuatu yg ditujui: *jurutaip yg bernama Henry itulah jadi ~ kami berjenaka; kampung itu terletak tidak berapa jauh dr tempat ~ saudagar-*

saudagar dr Melaka; 7. tempat bertemunya atau bertembungnya jalan raya (sungai dll): Johor Bahru ialah pusat pentadbiran negeri Johor dan tempat ~ semua jalan raya dan jalan kereta api dr Tanah Melayu ke Singapura; 8. pusat tempat bertumpunya pancaran cahaya (setelah melalui sesuatu kanta): tempat semua pancaran itu bertumpu dinamakan ~ kanta itu;

pertumpuan perihal (perbuatan dsb) bertumpu: *bandar Rockhampton ini menjadi tempat ~ segala hasil yg keluar masuk dr bahagian tengah Queensland;*

penumpuan perihal (perbuatan dsb) menumpu(kan): *rajah ini menunjukkan ~ tenaga dlm berbagai-bagai cabang pertanian;*

penumpu **1.** orang yg menumpu (memberi bantuan, sokongan, dll), pembantu, penyokong; **2.** sesuatu yg digunakan utk menumpu (menumpukan) kaki dll, pengampu, penunjang; ~ *kaki* bangku kecil utk menumpukan kaki; **3.** (Fiz) sesuatu yg digunakan utk memusatkan pancaran cahaya dll (kanta dll).

tumpul **1.** tidak tajam, tidak runcing, majal, puntul: *di tangannya kelihatan sebilah parang belitung yg agak ~;* **2.** ki susah mengerti (memahami), agak bodoh: *otakmu terlalu ~ dan tidak satu pun yg dapat masuk ke dlm benakmu;* **3.** ki tidak berminat lagi, kurang perhatian, tawar hati: *perasaanku semakin ~;* **4.** ki sudah berkurang (merosot dsb), sudah tidak lagi sama kesannya (hebatnya dll) spt sebelumnya: *harapan Zizah menjadi ~; terdapat sudah tanda-tanda bahasa Malaysia mulai ~ sengatnya;*

menumpulkan menyebabkan (menjadikan) tumpul: *utk ~ sokongan diplomatik terhadap kedudukan masing-masing;*

ketumpulan perihal tumpul.

tumpang Br, Sr sj bekas air drpd buluh.

tumpur 1. habis atau rosak sama sekali, binasa, jahanam; 2. bp kehabisan wang, jatuh miskin, bankrap;

menumpur, menumpurkan menjadikan binasa (rosak, jahanam) sama sekali, membinasakan, menghabiskan.

tumputinggi ark titik tempat bersilangnya garis tinggi sesuatu segi tiga, puncak.

tumtam bunyi gendang dll.

tumu sj tumbuhan (pokok), *Bruguiera secangula*; ~ mata buaya sj tumbuhan (pokok), *Bruguiera spp.*

tumus; tertumus jatuh tersembam, terjerembap, terjerumus, tersungkur:
Kapten Mamat menolak Mat Piah sampai berpusing dan ~ ke bangku Ketot.

Tun 1. sl kep tuan (gelaran orang besar-besar zaman kerajaan Melayu dahulu yg umumnya diwarisi): ~ *Tuah*, ~ *Bijasura*; 2. gelaran utk orang yg dianugerahi bintang Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) atau Seri Setia Mahkota (SSM) oleh Yang di-Pertuan Agong: ~ *Abdul Razak*; ~ *Abdul Malek*;
pertunan sekalian orang yg bergelar Tun.

tuna I sl luka, cacat, rosak;

tertuna 1. kena luka, mendapat luka: *ia berasa tertikam dan ~*; 2. ki mendapat sesuatu kecelakaan (kecacatan dll), menderita (kerana sesuatu yg tidak menyenangkan): *banyak antara mereka yg ~ rindu dan renjana, kerana perwira yg muda belia ini.*

tuna II sj ikan laut drpd famili Scombridae yg badannya agak bulat panjang dan muncungnya lancip, biasanya isinya ditinkan sbg bahan makanan, *Thunnus thynnus*.

tuna- (Sankrit) *awalan asing* tidak mempunyai, mis *tunakarya*, *tunanetra*, dan *tunasusila*.

tunaaksara Jw tidak dapat membaca dan menulis, buta huruf.

tunaanggota cacat anggota

tunabusana Jw tidak memakai pakaian (bkn bangsa-bangsa yg masih terlalu rendah peradabannya).

tunai **1.** tidak bertanggung, tidak mengansur, tidak berhutang (bayaran dll), kontan; ~ *runcit* sejumlah wang yg disimpan di pejabat dsb, yg sedia digunakan utk beberapa perbelanjaan kecil apabila diperlukan; *membayar* ~ membayar dgn wang pd ketika itu juga (tidak berhutang dll); *wang* ~ wang yg dapat digunakan dgn segera; **2.** tidak bertanggung (dlm mengerjakan sesuatu), pd ketika itu juga: *sahaja aku sembahyang fardu zuhur empat rakaat ~ kerana Allah taala;*

menunaikan **1.** membayar dgn tunai (tidak mengansur atau berhutang), menjelaskan (dgn tunai), mengontan: ~ *hutang*; **2.** mengerjakan tugas (kewajiban dll), melaksanakan (perintah dll), mengamalkan (ajaran dll): *manusia wajib ~ apa yg diperintahkan oleh Allah dan menjauhkan apa yg dilarang-Nya; ~ rukun Islam mengerjakan rukun Islam; ~ tugas (kewajiban) menjalankan tugas (kewajiban);* **3.** memenuhi (janji, hajat, permintaan, dll): *Yusof juga berucap pd majlis tersebut sbg ~ permintaan Pegawai Daerah; ~ ajaran (perintah, pesanan) mengerjakan ajaran (perintah, pesanan); ~ cita-cita berusaha mencapainya; cita-cita;* **4.** menukarkan sesuatu (cek, kiriman wang dsb) dgn wang tunai: *kami tidak dapat ~ cek di bank pd hari itu disebabkan kerosakan sistem komputer;*

penunaian perihal menunaikan, pelaksanaan, pengamalan;

tertunai (sudah) ditunai, dilaksanakan, dikerjakan, dipenuhi (janji, kewajiban, dll).

tunak sl **1.** tidak berhenti-henti (melakukan sesuatu, bekerja, dll), berterusan, sentiasa, tekun, tetap: *ia ~ menulis; matanya ~*

memandang Razak; 2. tetap setia, patuh, taat: hamba dan sahaya semuanya ~.

tunakarya Id tidak mempunyai pekerjaan, tidak bermata pencarian, menganggur.

tunakerna pekak, tuli;

tunam I tali api-api drpd sabut (kertas, kain, dll) utk meriam kuno, murang, sumbu: *Panglima Hassan berkerah mengisi meriam, membakar ~, dan membubuh penggalak.*

tunam II Mn; **tertunam** terpacak (terpancang) ke tanah, terjunam.

tunanetra (tunanétra) Jw buta.

tunang bakal isteri atau suami, laki-laki dan perempuan yg telah mengikat perjanjian utk menjadi suami isteri: *dia tinggal tidak berapa jauh dr rumah ~nya;*

bertunang mengikat janji utk menjadi suami isteri (berkahwin): *sesudah bekerja baru ~;*

bertunangan sudah terikat oleh janji utk menjadi suami isteri, mempunyai perhubungan sbg tunang: *mereka telah ~;*

menunang 1. meminta anak gadis supaya jadi isteri, melamar, meminang: *orang muda yg kaya itu datang ~ engkau;* **2.** = **menunangi** mengajak bertunang dgn, meminta bertunang dgn: *ia sudah ditunangi oleh seorang saudagar kaya;*

menunangkan memperhubungkan laki-laki dan perempuan dlm istiadat sbg tunangan: *ia tidak mahu ditunangkan dgn anak bapa saudaranya;*

mempertunangkan menjadikan bertunang(an): *anaknya dipertunangkan dgn seorang pahlawan;*

tunangan tunang: *barangkali abang sudah ada ~ ataupun sudah kahwin;*

pertunangan perihal bertunang (bertunangan): ~ *antara Mahadi dgn Junah telah dirasmikan;*

penunangan perihal menunang (menunangkan);

petunang sl jampi atau mantera yg dikenakan pd bunyi-bunyian utk menimbulkan rasa kasih kpd siapa yg mendengarnya; *peluru* ~ = *peluru penunang* sl peluru yg berjampi (tetap mengenai sasarannya).

tunapidana penjara.

tunas bahagian tumbuhan yg mulai tumbuh (pd batang, dahan yg diparas, dll), bakal cabang (dahan, ranting), kecambah, taruk;

~ *baka* tunas yg menjadi baka bagi sesuatu pokok yg dicantumkan;

~ *celah* = ~ *ketiak* tunas yg letaknya di antara daun dgn dahan (ranting dll); ~ *hujung* = ~ *pucuk* tunas yg terdapat pd bahagian hujung ranting;

~ *padi* batang padi yg tumbuh sesudah dituai; ~ *rasa* (Bio) sel di permukaan lidah yg membolehkan seseorang dapat mengetahui rasa makanan atau minuman, spt rasa pahit, masin, manis atau masam;

~ *sulung* tunas yg mula-mula sekali bercambah pd biji; *tidak berasak* ~ *dr tunggul* prb pangkat dll yg diwarisi oleh anak atau keluarga sendiri (di situ-situ juga);

bertunas 1. tumbuh tunasnya (pokok dll): *kacang soya* yg ~ *atau bercambah itu banyak mengandungi kalsium*; **2.** ki mempunyai anak cucu, menurunkan zuriat, berketurunan; **3.** ki tumbuh atau timbul, hidup, muncul, terbit: *dlm tahun dua dan tiga puluhan, kesedaran kebangsaan mula ~;*

baru hendak ~ sudah dipetik, lama-lama matilah pokoknya prb baru sedikit mendapat keuntungan sudah memboros-boros;

menunas 1. cambah atau timbul sbg tunas (tumbuh-tumbuhan); **2.** = **menunasi** membuang (memangkas, memotong) tunas;

menunaskan menjadikan bertunas, menimbulkan, menerbitkan.

tunasusila Jw tidak bersusila; *wanita* ~ perempuan jalang, perempuan lacur, pelacur.

tunatertib pengacau;

tunawicara Jw tidak dapat bercakap, bisu.

tunawisma Jw tidak mempunyai tempat tinggal (rumah) yg tetap, gelandangan.

tunda I sesuatu yg ditarik dgn tali di belakang perahu; *kail* ~ kail yg ditarik di belakang perahu; *pukat* ~ pukat yg ditarik di belakang bot dll; *sampan* ~ sampan yg berisi muatan (ditarik oleh kapal yg kecil-kecil); *tali* ~ tali utk menarik pukat (sampan dll);

bertunda 1. sedang menarik sampan tunda (kapal, sekoci, dll); **2.** ki berikut-ikut, berturut-turut: *beberapa kali orang melihat Lajim balik bersaing dan ~ dgn Saodah;*

bertunda-tunda 1. sl berduyun-duyun dgn banyaknya, berbondong-bondong: *rakyat ~ menuju ke padang tempat orang berperang itu;* **2.** ki berjalan dll berikut-ikut (berturut-turut): *anjing itu berlari-lari dan di belakangnya ~ anaknya;*

menunda 1. menarik sampan dll dgn tali: *sebentar kemudian dgn ~ perahu si Tenggara, mereka pun berkayuh balik ke pantai;* **2.** ki mengikut dr belakang, mengikut, mengiringi: *orang tua itu sedang mengingat peristiwa kematian isterinya yg ditunda dgn kematian anak-anaknya; Pak Sudin masuk ke dlm bilik hadapan dan Yusof ~nya dr belakang;*

penundaan perihal (perbuatan atau kerja) menunda: ~ *kereta yg rosak di lebuhraya itu telah diswastakan kpd sebuah syarikat tempatan;*

penunda sesuatu yg digunakan utk menunda (menarik); *kapal* ~ kapal penarik (sampan dll); ~ *kereta* orang yg kerjanya menunda

kereta yg rusak atau remuk akibat kemalangan; *tali* ~ tali utk menarik sampan dll.

tunda II bp tangguh;

menunda menghentikan dan meneruskan kemudiannya, mengundurkan waktu, menangguhkan (pelaksanaan dll sesuatu): *mulanya sukan itu hendak diadakan pd bulan Ogos, kemudian ditunda kpd bulan Disember;*

menunda-nunda selalu menunda, menangguh-nangguhkan waktu, memperlama;

tertunda 1. ditangguhkan, ditunda; **2.** sengaja dilambat-lambatkan;

penundaan perihal menunda, penangguhan: *kepulanganmu cuma bererti ~ waktu, janji memang telah sampai.*

tunda III Mn tolak dr belakang, sorong;

bertunda 1. berlepas, bertolak; **2.** berpanjangan melakukan sesuatu, berlama-lama; ~ *berkelahi* berkelahi berlama-lama;

bertunda-tunda berlama-lama, berpanjangan; ~ *banyaknya* sangat banyak; ~ *berbicara* lama berbicara;

menunda, menundakan 1. menolak atau menolakkan, mendorong, menyorong; ~ *pedati* menolak pedati; **2.** ki meminta supaya melakukan (mengadakan dll) sesuatu, mendesak: *dgn mengumumkan parti politik yg baru, kita dapat ~ pemerintah mengambil suatu keputusan;*

tunda-menunda saling menunda (tolak-menolak): *ombak bergulungan ~;*

tundaan hasil perbuatan menunda, tolakan: *agak cepat juga gerak ~ itu.*

tundak Br jambul (di kepala).

tundan Jw ark tempat pergantian kuda (dlm perkhidmatan pos dll).

tundang Jk; **bertundangan** bertunangan.

tundra (Geog) kawasan tanah pamah yg luas, sejuk, dan tidak ditumbuhi pokok, yg terletak di bahagian utara benua Eropah, Asia, dan Amerika Utara.

tunduk 1. kepala atau muka condong ke hadapan, lwn mencongak (tengadah): *suara ketawanya berdekah-dekah, hingga ia ~ menekan perut*; **2.** tidak tegak (batang padi dll), condong, merunduk; **3.** menyerah kalah kpd, mengaku kalah, takluk: *negeri Jurjan, telah ~ juga ke bawah pemerintahan Said itu*; **4.** menurut perintah (aturan dll), patuh, taat: *Hanafi ~ kpd kemahuan atau paksaan kaum keluarganya utk berkahwin dgn Rapiah*; ~ *diam duduk diam kerana kecewa dll*; ~ *menyembah bertekur kerana menyembah*; ~ *tengadah sebentar tunduk sebentar tengadah*;

bertunduk sl mencondongkan kepala (muka) ke hadapan, membongkokkan kepala (muka) ke hadapan: *maka diamlah jurumudi seraya ~ kepalanya*;

menunduk lwn menengadah, tunduk: *dia ~ mengambil akhbar-akhbar mingguan yg terbiar di atas lantai*; *dlm ~ ia menyonggeng prb seseorang yg berlainan mulut dgn hatinya*;

menundukkan 1. menjadikan kepala (muka) condong ke hadapan, menghala pandangan ke bawah, menekurkan kepala: *gadis itu ~ kepalanya bagaikan ada sesuatu yg hendak dicarinya*; **2.** mengalahkan hingga menyerah, menaklukkan, menewaskan (lawan dlm permainan dll): *Nobunaga membuat rancangan hendak menakluki negeri China apabila sudah selesai ~ enam puluh enam kerajaan negeri Jepun*; *seorang pemain yg masih belum begitu dikenali kehandalannya berjaya ~ Tan Aik Huang*;

ketundukan perihal tunduk, kekalahan, kepatuhan, ketaatan, ketewasan;

penundukan perihal menundukkan;

petunduk, penunduk = *ilmu ~ (musuh)* mantera utk menundukkan orang atau musuh (supaya menurut kata atau mengaku kalah); *tali ~* tali yg dipasang pd hujung kayu penegang layar.

tundun I Jw tandan (kelapa, pisang).

tundun II 1. Br, Mn tengkuk (orang, kuda): *rambut Aini potongan pendek, ~nya terdedah*; 2. bahagian sebelah atas kemaluan perempuan.

tundung; menundung menghalau (dr rumah), mengusir: *maka sultan pun menyuruh tundung orang itu*;

tundungan yg diusir (dihalau), buangan.

tungau I sj kutu yg halus spt tuma (biasanya terdapat pd ayam atau kera); *mati ayam, mati ~nya* prb a) apabila tuannya atau ketuanya mendapat kecelakaan anak buahnya turut merasainya juga; b) hal dua orang yg sangat berkasih-kasihan (mati satu mati keduanya).

tungau II Mn ark; **menungau** melihat ke bawah dgn membongkokkan kepala.

tunggak 1. bahagian batang kayu yg masih tinggal dlm tanah sesudah ditebang atau patah, tunggul; 2. = **tunggakan** kerja yg masih belum dihabiskan; 3. ki asas, tunjangan, penunjang, pendukung;

menunggak 1. belum membayar hutang (ansuran dll), menanggguhkan pembayaran hutang (ansuran dll): *jika sebulan lagi ia ~, keretanya akan ditarik balik*; 2. tidak menghabiskan pekerjaan (masih ada yg belum dibuat), meninggalkan sedikit pekerjaan: *kerja hari ini mesti dihabiskan hari ini juga, jangan dibiarkan ~ hingga esok*;

tertunggak masih belum dijelaskan, dibereskan, diselesaikan dsb (bkn bayaran, hutang, pekerjaan dsb): *seorang stokis telah gagal menjelaskan hutang ~ hampir RM900 000; beliau berpuas hati dgn kejayaan badan kehakiman dan mahkamah mengurangkan sejumlah kes ~ dgn berkesan;*

tunggakan 1. hutang (ansuran dll) yg masih belum dijelaskan, baki hutang dll (yg seharusnya sudah dibayar): *sekali gus dua bulan akan dibayarnya ~nya;* **2.** pekerjaan (kerja) yg masih belum dihabiskan, sisa pekerjaan.

tunggal 1. tidak ada yg lain lagi, itulah sahaja, satu-satunya: *bahasa Melayu sanggup dan mampu mengambil peranan sbg Bahasa Kebangsaan yg ~ pd tahun 1967; berdiri berkaki*

~ = berdiri dgn kaki ~ sl berdiri dgn kaki sebelah; anak ~ anak yg seorang sahaja (tidak beradik berkakak); ejen ~ = wakil ~ wakil yg hanya satu; 2. Id bukan jamak; *kata ~ mufrat; kalimat ~ Id ayat selapis; 3.* tidak berbelah bagi (perasaan, fikiran), dgn sepenuh-penuhnya, bulat-bulat; *dgn ~ hati dgn sepenuh hati;*

setunggal ark tidak berbeza, sama..., se...; *~ darah sama darahnya, seketurunan, sebaka; ~ darjat sama darjat (taraf);*

menunggalkan 1. menjadikan tunggal (tidak ada dua tiganya): *rayuan mereka itu berlawanan dgn perjuangan hendak ~ bahasa kebangsaan;* **2.** membulatkan (memusatkan) jadi satu, menyatukan; *~ diri menyatukan diri; ~ fikiran memusatkan (membulatkan, menumpukan) fikiran;*

ketunggalan 1. perihal tunggal, keesaan; **2.** kebulatan (fikiran dll).

tungganai Mn = *~ rumah* orang yg berkuasa dlm sesuatu perut (dlm adat perpatih), kepala keluarga.

tunggang I terbalik (kepala ke bawah dan kaki ke atas), terjungkir, tertelungkup, tertonggeng; *~-langgang = ~-tenggang* a) berlari

pontang-panting (lintang-pukang); b) = ~ *balik* jungkir balik, berguling-guling; ~-*tunggut* = ~-*tonggek* a) tidak rata (permukaan jalan dll), lekuk-lekak, berjendul-jendul; b) bergerak turun naik (orang berjalan); c) terumbang-ambing (perahu dimainkan gelombang dll); d) menundukkan kepala dan kemudian menegakkannya semula (spt orang sembahyang), tunduk dan tegak semula; ~ *buyung* pergerakan dlm gimnastik apabila belakang tengkuk berada di lantai, gulingan depan; *kuat* ~ kuat minum (minuman keras);

bersetunggang berputar balik (kepala ke bawah kaki ke atas), berjungkir: *tidur ~ kaki ke atas*; ~ *balik* berputar-putar (kepala ke bawah kaki ke atas), berjungkir balik;

menunggangkan 1. membalikkan (cawan, botol, dll) supaya tumpah isinya, menunggitkan supaya tumpah, menuangkan, menumpahkan: *ia ~ air yg di dlm baldi itu ke dlm tempayan*; **2.** = **mempertunggang, mempertunggangkan** menjadikan bersetunggang, membalikkan (kepala ke bawah kaki ke atas), menjungkirkan: *di situ diusahakannya mempertunggang supaya air keluar dr hidung dan mulutnya; budak itu ditunggangkan ke atas asap sabut kering itu*;

tertunggang 1. terbalik (yg di bawah ke atas dan yg di atas ke bawah), terjungkir; **2.** tertumpah atau tercurah (sesuatu dr bekasnya);

penunggangan perihal atau perbuatan menunggang (motosikal, kuda, basikal dsb): *motosikal empat lejang dgn tempat duduknya yg rendah memang sesuai utk ~ yg selesa dan stabil*.

tunggang II lurus ke bawah, curam (bukit dll): *lereng gunung yg ~*; *akar ~ = urat ~* Id akar yg tumbuh lurus ke bawah, akar tunjang;

~ *hati* tabah atau tetap hati (dlm mengerjakan sesuatu), tidak merasa gentar atau takut, cekal;

~ *hilang berani mati* tidak merasa takut akan apa-apa pun, berani; ~ *hilang, tak hilang* a) yg berani hilang (mati) tidak akan hilang (mati); b) siapa yg cekal dan tabah hati akan tercapai maksudnya.

tunggang III; ~ *gunung* waktu petang ketika matahari hampir akan masuk; *kuda* ~ kuda kenderaan;

menunggang, menunggangi 1. menaiki dan duduk mengangkang di atas sesuatu (basikal, kuda, dll), mengenderai: *kemudian dia ~ basikal lima batu menurun bukit; berderet-deret unta ditunggangi oleh orang-orang yg memakai pakaian yg luar biasa;* **2.** ki mempergunakan sesuatu (orang dll) utk mencapai maksud sendiri: *janganlah membiarkan diri kita ditunggangi oleh perasaan dendam-mendendam yg tidak berkeputusan;*

tunggangan sesuatu yg ditunggangi: *kuda* ~;

penunggang orang yg menunggang atau menunggangi sesuatu: *askar ~ gajah.*

tunggang IV Kl sj dapur yg dibuat dgn menggali lubang (utk memasak nira dll).

tunggang balik jungkir balik, berguling-guling;

menunggangbalikkan menjadikan tunggang balik, menjungkarbalikkan (yg di bawah ke atas, yg di atas ke bawah);

tunggang-langgang berlari pontang-panting (lintang-pukang), tunggang-tenggang;

menunggang-langgangkan 1. menjadikan berguling-guling, mengguling-gulingkan, menjungkirbalikkan; **2.** menjadikan berlari tunggang-langgang (mengusir, mengejar, dll); **3.** memutar-mutar atau membelit-belitkan (perkara, perkataan, perjanjian, dll), memutarbalikkan;

tungging □ → **tonggeng I**.

tunggit punggung terkeluar ke belakang; □ → □ **tonggek, tunggang**.

tunggu I bp = **menunggu**; *ruang* ~ ruang tempat menanti;

bertunggu 1. sedang menjaga, berjaga, berkawal: *orang besar-besar sekaliannya ~ negeri*; **2.** sl menanti: *maka baginda pun sediakala duduk menghadap Seri Betara ~ tunangan*;

menunggu 1. = **menunggu** menjaga supaya selamat (rumah, orang sakit, dll), mengawasi: *rumah itu tidak ditunggu orang*; **2.** menanti (ketibaan orang, berlakunya atau berlangsungnya sesuatu dll), menyambut atau menyongsong (tetamu): *dia ~ kepulangan anaknya di muka tangga*; **3.** = **menunggukan** ark bersabar menanti sesuatu yg akan berlaku, menantikan: *pokok getah itu hendaklah ditunggu sehingga tujuh tahun barulah boleh ditoreh*; **4.** = **menunggu** menduduki, mendiami, menghuni, tinggal di: *harimau yg dijumpai mereka itu ialah jin kuning yg ~ kaki bukit selekoh tiga*;

~ *angin lalu* menunggu dgn sia-sia; ~ *masa* menunggu hingga tiba masanya (ketikanya); ~ *tanduk kerbau goyah* prb mengharapkan sesuatu yg tidak mungkin (berlaku, tiba, dll);

menunggu-nunggu, tertunggu-tunggu asyik menunggu, lama menunggu, sentiasa menunggu: ~ *buah yg tidak kunjung jatuh*; *Sharifah Aini sedang tertunggu-tunggu kepulangan anaknya*;

menunggu 1. menjaga (orang sakit, rumah, dll), mengawal: *orang yg ~ orang sakit itu disuruhnya keluar semuanya; segala bangunan itu pun disuruh tunggu dan parit pun diisi air*; **2.** mendiami, menduduki, menghuni: *tempat-tempat demikian itulah pula menurut kepercayaan mereka kerap ditunggu jin jembalang dan sebagainya*;

penungguan perihal menunggu, penantian: *apa yg ditunggu dia sendiri kurang tahu, barangkali ~ itu cuma utk mencari ruang utk menarik nafas;*

penunggu 1. orang yg menunggu (mengawal, menjaga), pengawal, penjaga: *~ pintu;* **2.** orang yg menunggu (kedatangan orang dll), penyambut (tetamu): *bangun lagi dia dan datang lagi ke arah pintu bangunan tempat orang-orang ~ jemputan datang;* **3.** yg mendiami, penghuni: *binatang-binatang ~ hutan membuat lagu alam yg tidak pernah berubah-ubah;* **4.** (hantu, puaka, dll) yg menunggu atau mendiami: *seumur hidupku belum aku berjumpa hantu syaitan atau puaka ~nya.*

tunggu II; *burung ~ taman sj burung, Terpsiphone incii.*

tunggu III Mn; menunggu 1. meminta kembali (barang yg telah diberikan dll); **2.** meminta supaya dijelaskan hutang, menagih; **3.** menuntut (janji).

tunggul I 1. pangkal pokok kayu yg masih tertinggal dlm tanah (setelah ditebang): *ia duduk di atas sebuah ~ kayu; ~ punggung pangkal batang kayu yg sudah mati;* **2.** batang padi (lalang dll) yg tertinggal setelah dituai atau disabit: *~ padi;* **3.** pancang, tongkat (utk menambatkan perahu dll);

~ kayu ditarah pelicin, (dia) elok juga, jangankan manusia = ~ itu kalau dipakai, elok juga prb perempuan yg buruk itu akan cantik juga kelihatannya apabila diberi pakaian yg elok; ~ terbakar di tengah huma prb rupa seseorang yg sangat hitam; berunding dgn ~ prb perihal menanyai dan memberi nasihat kpd seseorang yg hanya mendiamkan diri (tidak menjawab, membantah, atau mengiakan);

bertunggul ada tunggulnya; *~ pamarasan prb pekerjaan yg tidak sempurna;*

penunggul kayu yg agak berat tempat menambatkan kerbau dll (supaya jangan pergi jauh); ~ *gobek* kayu utk mengeluarkan sirih dlm gobek; *kayu* ~ tonggak pd empang.

tunggul II sl bendera, panji-panji: *maka Laksamana pun berdirilah di bawah ~ itu*; ~ *panji-panji* bendera dan panji-panji; ~ *putih* bendera putih (tanda menyerah kalah); ~ *merual* bermacam-macam jenis bendera.

tunggul III; penunggul pemberian (pembayaran) yg dibuat kerana kalah dlm peperangan, pemberian sbg tanda sudah ditakluki; *memberi* ~ = **menunggul, menunggulkan** memberi (membayar) sesuatu setelah dikalahkan.

tunggul IV; *main* ~ sj permainan kanak-kanak.

tungkahan Mn kayu tempat duduk, kayu penyangga, landasan; *bagai rupa* ~ prb muka orang yg sangat buruk; *berunding dgn* ~ prb perihal menanyai atau menasihati orang yg hanya mendiamkan diri sahaja (tidak menjawab, membantah, atau mengiakan).

tungkai Mn bahagian badan dr pangkal paha hingga tapak kaki, kaki; **menungkai 1.** merebahkan kerbau dll sesudah diikat kakinya; **2.** = ~ *tapak* ki mengatur langkah, berjalan.

tungkap ark terdiam sekejap, terkelu.

tungkik □ → □ **tukik II.**

tungku I = ~ *dapur* = *batu* ~ batu dll yg diletakkan sbg tempat memasak (dapur, keran): *dapur minyak sudah menggantikan ~ dan kayu api*; ~ *kera (pelanduk)* sarang sj serangga (kiak-kiak).

tungku II ark tengku, tuanku.

tungkul I; menungkul sl mengaku kalah, takluk, tunduk; **penungkul** pemberian (kpd pihak yg menang) kerana sudah takluk.

tungkul II Mn □ → □ **tongkol I.**

tungkum; menungkum meniarap (dgn muka ke bawah), menelungkup;
menungkumkan meletakkan menelungkup, meniarapkan,
menungkupkan: *dia pun ~ muka ke bantal dan menangis terus-
terusan.*

tungkup Mn telangkup, telungkup;
menungkup menelungkup, meniarap; ~ *menelentangkan* ki
menimbangkan (meneliti) dgn sungguh-sungguh;
menungkupkan menelungkupkan, meniarapkan;
tertungkup **1.** tertelungkup, tertiarap; **2.** ki menanggung rugi,
mendapat kecelakaan, dll.

tungkus I = tungkusan bungkus atau bungkus (drpd daun pisang,
kertas, dll); *nasi ~ = nasi tungkusan* nasi yg dibungkus dgn daun
(utk kenduri dll);

menungkus membungkus atau membalut (dgn daun dll).

tungkus II; ~ lumus = bertungkus lumus = tertungkus lumus a) asyik
atau teruk mengerjakan sesuatu: *kita bertungkus lumus bekerja,
sedang mereka berdengkur tidur;* b) banyak sekali hutang.

tungkus III Br kain kafan.

tungsten (Kim) sj unsur logam yg keras, berwarna kelabu, dan
digunakan utk membuat aloi, filamen lampu elektrik, dll.

tunjal; menunjal **1.** menumpukan atau menekankan kaki (ketika hendak
melonjak atau melompat), menjejakkan kaki (ketika hendak
berdiri); **2.** menunjuk dan menyentuh dgn jari (biasanya dgn jari
telunjuk): *jari telunjuknya spt hendak ~ kepala kawannya; jauh
dapat ditunjuk, dekat dapat ditunjal* prb sesuatu yg diperkatakan
dapat dibuktikan kebenarannya.

tunjam; menunjam jatuh lurus ke bawah, menjunam, mengunjam,
menukik: *galah itu ~ ke tanah;* □ → □ **hunjam.**

tunjang I; *akar* ~ akar yg tumbuh lurus ke bawah ke dlm tanah (utk menguatkan pendirian pokok);

bertunjang 1. ada akar tunjangnya (tumbuh-tumbuhan); **2.** ki berpegang teguh (pd), berasas (pd), bersandar (pd): *ajaran mereka itu tidak ~ pd agama, tidak bersandar pd logik; ~ kayu ara, ~ pula mali-mali* prb orang hina dan miskin hendak menyerupai orang mulia dan kaya;

bertunjangkan ki berasaskan, berdasarkan, bersandarkan: *Hassan Ali akan mewakili generasinya dlm bidang penulisan cerita-cerita pendek lucu dan menyindir yg ~ jiwa orang Melayu; kenyataan ini ~ fakta bahawa bahasa baku adalah ragam yg dihubungkan dgn suasana rasmi dan formal;*

menunjang 1. menyokong (menopang, menongkat, dll) supaya jangan rebah atau runtuh; **2.** = **menunjangi** memberi sokongan dsb, menolong menjadikan (lebih) kukuh (berkesan, berpengaruh, dll), membantu: *semasa aku sekolah, mamakku turut ~ belanjaku itu dgn wang; dunia kesusasteraan masa kini masih dikuasai dan ditunjangi oleh golongan penulis veteran yg telah lama berkarya;*

tunjang-menunjang saling bantu-membantu: *saling bertukar pengalaman, pandangan, dan pendapat serta ~ dlm setiap gerakan dan kegiatan sasterawan;*

tunjangan bantuan (berupa wang dll) yg diberikan, pertolongan, sokongan: *kaum penganggur di sini mendapat ~;*

penunjang 1. orang yg memberi tunjangan (bantuan dll), penyokong; **2.** orang yg menyokong sesuatu pihak (dlm perlawanan bola sepak dll).

tunjang II Mn bahagian badan dr lutut hingga ke tapak kaki; ~ *tonjet* terlompat-lompat ke sana ke mari; *panjang* ~ panjang kaki; *tuak terbeli*, ~ *hilang* prb mendapat kecelakaan (kekecewaan);

menunjang ark **1.** menendang, menerajang; **2.** Jw melanggar, membentur, menubruk.

tunjuk 1. bp = **menunjuk, menunjuk**; ~ *diri* menampakkan diri (menghadap pembesar dll); **2.** Mn jari telunjuk; ~ *ajar* segala macam nasihat dan ajaran; ~ *cara* melakukan sesuatu dgn tujuan utk memberitahu cara-cara membuatnya; ~ *langit* a) sj ikan laut, *Triacanthus oxycephalus*; b) kayu yg dipasang tegak dr alang ke bumbung rumah; ~ *perasaan* perbuatan menyatakan pendapat (bantahan dsb) dgn perarakan atau rapat umum dsb, demonstrasi;

bertunjuk-tunjukan 1. saling memperlihatkan (diri dll), saling mengacukan jari; **2.** = **tunjuk-menunjuki** saling memberi nasihat, nasihat-menasihati;

menunjuk 1. mengarahkan jari telunjuk ke, mengacukan jari telunjuk ke: *ia ~ ke papan hitam*; **2.** memberitahu dgn mengarahkan sesuatu ke, memberitahu dgn isyarat: *ia menunjuk-nunjuk dgn kipas*; **3.** mengarahkan jari (telunjuk) ke atas, mengangkat tangan; **4.** menetapkan atau menentukan (orang yg diangkat, dipilih, dll): *orang kampung telah ~ beliau menjadi ketua mereka*; **5.** mengemukakan sesuatu sbg alasan, mengingatkan sesuatu dgn bukti, menyatakan, merujuk; ~ *perasaan* mengadakan tunjuk perasaan (dgn berpiket, berarak, dsb), berdemonstrasi;

menunjuk-nunjuk gemar memperlihatkan kelebihan diri sendiri: *ancaman besar terhadap perasaan muhibah di negeri ini ialah drpd pemimpin-pemimpin politik perkauman yg cuba ~ pandai dan terlalu bercakap banyak*;

menunjuki memberitahu cara melakukan sesuatu, mengajari: *ibu ~ kakak cara membuat kuih itu*; *guru kami telah ~ pendakwah-pendakwah*;

menunjukkan 1. menggunakan sesuatu utk menunjuk (jari dll), menunjuk dgn: ~ *jari*; 2. memperlihatkan sesuatu kpd, memberi lihat: *dia pun naik ke rumah ~ kakinya yg dimakan kerri itu*; 3. memberitahu di mana (letak, arah, dll): *maka datanglah budak-budak ~ masjid*; 4. menampakkan (sesuatu yg terpendam di hati dll), mendedahkan: *tidak seorang jua pun yg berani ~ kemarahan mereka berterang-terang*; 5. memperkenalkan: *maka orang itu ~ anak raja itu dgn isyarat*; 6. memberi keterangan (penjelasan), menerangkan, menjelaskan: *sekiranya ada bukti-bukti yg ~ Ahmad melakukan pembunuhan itu, polis akan meminta kpd majistret supaya Ahmad ditahan*; 7. memberikan bukti, membuktikan, mengesahkan: *dikemukakan satu konsep baru yg ~ bahawa kemiskinan orang-orang itu sebenarnya satu penyakit sosial*; 8. menyatakan, menandakan: *suhu yg terendah pd hari atau malam itu ditunjukkan oleh besi itu*;

mempertunjukkan 1. memberi lihat (kpd), memperlihatkan (wayang, sandiwara, dll): *masing-masing bangsa ~ kebudayaan nasionalnya*; 2. memperlihatkan (barang-barang dll), mempamerkan: *tiap-tiap bangsal telah dihiasi dgn indah, iaitu menurut jenis barang-barang yg akan dipertunjukkan*; 3. memberikan bukti, membuktikan: *aduhai saudara, pertetapkan iman dan berserah kpd Allah, tiap-tiap yg benar itu akan dipertunjukkan kebenarannya*;

pertunjukan 1. sesuatu yg dipertontonkan (wayang gambar, sandiwara, dll), tontonan: *pd suatu malam rombongan pemuda-pemudi mengadakan ~ kebudayaan di gedung kesenian*; 2. apa yg dipertunjukkan; 3. pameran: ~ *pertanian dan perkebunan*; 4. perihal menunjukkan (cara melakukan sesuatu dll), pengajaran:

guru hendaklah sentiasa sedia utk memberikan ~ dan pertolongan;

5. = ~ *perasaan* ark tunjuk perasaan, demonstrasi;

petunjuk, pertunjuk ark 1. sesuatu yg menunjuk atau menunjukkan (tanda, isyarat, dll), tanda dll yg memberitahu tentang sesuatu: *pemandu-pemandu kereta sangat sedikit yg mematuhi ~-~ jalan raya;* **2.** ketentuan yg harus dipatuhi, syarat: *sebelum memakan ubat ini, ~ yg dikembarkan ini hendaklah dibaca dgn teliti;* **3.** ajaran, nasihat, tunjuk ajar: *esei-esei yg dikumpulkan di dlm Renungan penuh dgn seruan dan ~ utk menyedarkan dan membangunkan masyarakat;* **4.** bisikan hati (yg datang drpd Tuhan), ilham: *menerima ~ Tuhan;* **5.** sesuatu yg menjadi panduan (utk melakukan sesuatu), rujukan: *buku ini adalah ~ yg baik bagi penggemar-penggemar kesusasteraan;*

penunjuk 1. alat yg digunakan utk menunjuk atau menunjukkan: ~ *jangka suhu maksimum atau minimum dibuat drpd kaca atau keluli;* **2.** orang yg menunjuk atau menunjukkan: *mahukah kamu menjadi ~ jalan kpd kami?;* **3.** sesuatu yg digunakan sbg panduan (utk melakukan sesuatu), peringatan, rujukan: *kpd pihak inilah saya mengharap agar sanggup mengakui kesalahan-kesalahan yg telah lalu utk menjadi peringatan dan ~ utk masa hadapan;*

~ *jalan* a) orang yg menunjuk jalan, mualim; b) tanda panah dll utk menunjuk jalan; ~ *perasaan* orang yg mengadakan tunjuk perasaan (berdemonstrasi).

tunjung; ~ *biru* sj tumbuhan, kelipuk, *Nymphaea lotus;* ~ *mas* sj tumbuhan, telepok putih, *Nymphaea stellata.*

tuntas 1. tidak mengalir lagi (kerana sudah habis dicurahkan), habis (air mata); **2.** meliputi (hampir segala-galanya), menyeluruh, sempurna, komprehensif: *saya sarankan supaya dilakukan analisis kontrastif bahasa Melayu-bahasa Inggeris yg bersifat ~; penyelesaian yg ~;*

secara ~ secara menyeluruh (tidak menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja); **3.** singkat dan tegas;

menuntaskan **1.** mencurahkan semua (habis-habisan), menghabiskan; **2.** menyelesaikan semuanya atau segala-galanya;

ketuntasan perihal (keadaan, sifat) tuntas;

ketidaktuntasan keadaan yg tidak tuntas.

tuntun I Jw; **bertuntun** ditarik (pd tangan) ketika berjalan, berpimpin:

berjalan ~;

menuntun **1.** menolong orang lain berjalan dgn memegang tangannya, memimpin: *dia terus turun ke tanah dan ~ neneknya ke tangga dapur*; **2.** menghela (basikal, kerbau, dll), mengheret;

tuntunan **1.** perihal menuntun, bimbingan, pimpinan; **2.** ki ajaran, petunjuk, tunjuk ajar: *guru saya banyak memberikan ~ kpd saya*;

penuntun orang yg menuntun, pembimbing, pemimpin.

tuntun II Mn tutup muka atau mata;

bertuntun bertutup muka atau mata; *membeli kerbau* ~ prb a) membeli sesuatu dgn tidak melihat dahulu; b) berkahwin dgn gadis yg belum dikenali;

menuntun menutup muka atau mata dgn sapu tangan dll.

tuntung I hujung yg runcing (jarum, keris, dll): ~ *keris*; ~ *lembing*; *spt mengadu* ~ *jarum* prb menyatakan fikiran yg sukar-sukar itu terlalu susah.

tuntung II Mn sj tabung kecil (utk bekas garam dll); *tebu se*~ *tebu sekerat* yg kecil;

menuntung mengerat kecil-kecil (tebu).

tuntung III Mn; **menuntung** menterbalikkan bekas supaya tumpah (keluar) isinya: *dia mengambil tabung sambal itu, diketuk-ketukkan pd tepi sampan dan dituntung-tuntung*;

menuntungkan 1. membalikkan letak sesuatu (mulutnya ke bawah dan dasarnya ke atas), menjungkirkan, menunggitkan, menunggangkan; 2. menuntung; 3. ki mengeluarkan (perasaan hati dll), mencurahkan;

tertuntung 1. tertonggeng atau terbalik (letak sesuatu), terjungkir; 2. tertumpah, tercurah.

tuntung IV sj penyu, *Batagur baska*.

tuntut; menuntut 1. meminta dgn mendesak (supaya dilakukan, dipenuhi, dll): *pekerja-pekerja ~ supaya dinaikkan gaji*; 2. meminta supaya dijelaskan (hutang dll), menagih hutang: *pekedai-pekedai tidak berani lagi ~ hutang drpd pelanggan-pelanggan mereka*; 3. hendak memulangkan kembali perbuatan yg telah dilakukan kepada seseorang, hendak mengimbangi kembali (kejahatan orang dll), melakukan sesuatu yg setimpal: *perbuatan si dajal itu mesti dituntut*; 4. mempertahankan (hak atas sesuatu), menjaga, memelihara: *hak pengarang dituntut*; 5. berusaha dgn keras (utk mendapatkan sesuatu), bekerja sungguh-sungguh (utk mencapai tujuan dll): *mereka telah banyak mengorbankan tenaga dan harta dlm perjuangan mereka ~ kebebasan itu*; 6. berusaha utk mencari ilmu (pengetahuan dll), mempelajari: *anak-anaknya dihantar ~ ilmu ke tempat yg lebih maju*; 7. mewajibkan, mengharuskan, menjadikan kemestian (agar dilakukan dsb sesuatu): *kita hendaklah menunaikan kewajiban kita spt yg dituntut oleh agama kita; isinya tidak ~ kita berfikir jauh*; 8. membawa perkara ke mahkamah (utk diadili), mendakwa: *mereka yg melanggar undang-undang negara akan dituntut*; 9. sl menuju ke, menghala ke; ~ *balas* a) membalas sesuatu perbuatan, membalas dendam; b) (Udg) membuat sesuatu tuntutan yg menentang tuntutan lain,

terutamanya dlm tindakan sivil oleh defendan terhadap plaintif; ~ *bela* membalas dgn membunuh seseorang yg telah membunuh orang lain; ~ *dakwa* mengemukakan pengaduan kpd hakim; ~ *janji* meminta supaya menepati janji; ~ *maaf* meminta maaf; ~ *malu* membalas sesuatu perbuatan jahat yg memalukan;

tuntutan sesuatu yg dituntut, permintaan dgn mendesak (supaya dilakukan sesuatu dll), dakwaan, gugatan: *badan itu seharusnya berhak berunding terus dgn kerajaan mengenai semua ~ drpd persatuan tersebut*; ~ *balas* (Udg) tuntutan yg dibuat bertentangan dgn suatu tuntutan lain, terutamanya oleh defendan terhadap plaintif dlm sesuatu tindakan sivil;

penuntutan perihal menuntut (meminta): ~ *gaji sama, perbaiki nasib wanita-wanita yg malang, semuanya harus mendapat perhatian yg lebih berat drpd pemerintah*; ~ *darah* penuntutan bela;

penuntut 1. orang yg menuntut (perkara), pendakwa: ~ *takhta*; ~ *umum* Id pegawai undang-undang yg mendakwa, pendakwa raya;
2. orang yg belajar (mencari ilmu), murid, pelajar: ~ *sekolah menengah*.

tunu sl dimakan api, terbakar;

menunu 1. = **menunukan** membakar, menyalakan (api): *dia tidak mempedulikan api yg hendak ~ rumahnya lagi*; 2. tampak apinya, berkobar, menyala; ~ *hati* ki memanaskan (menyakitkan) hati;

tertunu terbakar;

penunuan perihal menunu, pembakaran;

penunu alat yg digunakan utk menunu, pembakar; ~ *Bunsen* penunu yg bahan bakarnya merupakan campuran gas bahan api dan udara, biasanya digunakan di makmal sains utk membuat uji

kaji dsb; ~ *gas* bahagian yg bermuncung atau berlubang tempat keluarnya gas yg menjadi bahan bakar, mis pd dapur gas dsb.

TUOS kep *Trained Under Other Schemes* (terlatih di bawah skim-skim lain, bkn guru).

tupai sj binatang yg mengerip (mengunggis), bajing; jenis-jenisnya: ~ akar sj tupai, *Tupaia ferruginea*; ~ belang = ~ galang perahu, *Lariscus spp.*; ~ biji nangka = ~ naning sj tupai, *Rhinosciurus laticaudatus*; ~ gading sj tupai, *Callosciurus prevostii*; ~ kampung = ~ kelapa = ~ merah = ~ nyiur sj tupai, *Callosciurus notatus*; ~ kerawak hitam = ~ janjang = ~ nandung sj tupai, *Ratufa bicolor*; ~ kericik = ~ lengkuas sj tupai, *Nannosciurus exilis*; ~ tanah belang pendek sj tupai, *Tupaia tana*; ~ tanah belang panjang sj tupai, *Tupaia dorsalis*;

bagai ~ bergelut prb rupa kehebatan langkah seorang pendekar tatkala menarikkan pedang; *sepandai-pandai* ~ melompat, sekali akan gawal juga prb *sepandai-pandai* orang, sekali akan salah juga perbuatannya.

tupai II; ekor ~ sj tumbuhan (herba), *Justicia betonica*; sarang ~ sj tumbuhan (rumpai), rumput tapak burung (itik), rumput keremit, *Aneilema nudiflorum*.

tupai-tupai keratan kayu yg dilekapkan (dipakukan) pd tiang dll utk menyangga sesuatu.

tup-tup bp tiba-tiba, tengok-tengok.

tupuk; ~ lemah Kl serba kekurangan (lemah).

tura Mn; **bertura-tura** 1. marah-marah, bersungut-sungut, mengomel-ngomel; 2. berkata yg bukan-bukan, meracau, merepek.

turang Mn; ~ atap tambahan pd bumbungan yg berkeluk spt tanduk kerbau; ~ jala tambahan pd mata jala (supaya elok kembangnya apabila ditebarkan).

turap campuran simen dgn pasir dll yg digunakan utk melekatkan bata (tembok dll), lapisan simen pd tembok dll, lepa, salut;

berturap bersalut (berlapis) dgn sesuatu yg ditampalkan, berlepa: *bulu ~ dgn air mas;*

menurap menampalkan sesuatu (lapisan dsb) pd bahagian luar, melep, melapis, menyalut: *pagarnya drpd batu putih dirapat, diturap dgn kapur yg amat bersih;*

turapan hasil menurap;

penurapan perihal (perbuatan, kerja, dsb) menurap: *penggunaan simen dlm proses ~ permukaan jalan;*

penurap 1. orang yg menurap: *dia anak kpd seorang ~ bata di daerah itu;* 2. alat (bahan dsb) yg digunakan utk menurap: *kerja menurap jubin memerlukan bahan ~ khusus; jalan kampung yg sempit sukar dilalui jentera.*

turas I alat utk menapis, tapisan; *kertas ~ kertas utk menyaring barang-barang cair;*

menuras menapis (dgn turas), menyaring;

turasan hasil yg diperoleh drpd menuras;

penurasan proses menuras.

penuras alat utk menapis, penapis.

turas II NS turus (utk pagar dll), tiang, tonggak.

turbin mesin atau enjin yg menggunakan arus gas, air, udara atau stim utk memutar roda bagi menghasilkan tenaga.

turi I sj tumbuhan (pokok) a) *Sesbania cannabina*; b) geti, *Sesbania grandiflora*; ~ hutan sj tumbuhan (herba), amin buah, dukung(-dukung) anak, rami buah, *Phyllanthus niruri*; rumput ~ sj tumbuhan (rumpai), beluntas padi, *Clitorea laurifolia*.

turi II = **turi-turi** (Batak) cerita dongeng berdasarkan kejadian zaman dahulu.

turis → **toreh**.

turit Kl bunyi yg sangat kuat.

turnamen (turnamén) IB (Suk) pertandingan utk merebut kejohanan (tenis, ping pong, dll) oleh beberapa orang.

turne (turné) IB, bp berpergian utk melakukan sesuatu tugas (melawat daerah dll).

turnip sj lobak bulat berwarna putih yg digunakan sbg sayur, *Brassica rapa*.

turpentin sj minyak (drpd damar sj pokok) utk membancuh cat dan varnis.

tursi bp terusi.

туру Jw tidur.

turuk-turuk Br caping.

turun I 1. dr tempat yg lebih tinggi ke tempat yg lebih rendah, dr atas ke bawah, lwn naik; **2.** (datang) dr hulu ke hilir atau dr daerah atas angin ke bawah angin: *ia baru ~ dr merotan; maka iaitu ~ dr Yaman ke bawah angin, maka singgahlah ia di Tanah Keling*; **3.** (pergi) dr pedalaman (kampung dll) ke bandar: *terpaksa juga saya ~ ke bandar hari ini*; **4.** mengendap ke bawah (keladak dlm air dll), surut (air), hampir terbenam (matahari, bulan, dll), jatuh: *hampas kopi itu telah ~; matahari ~ matahari sudah hampir terbenam; (matahari) tengah ~ waktu petang (lebih kurang pukul 3.30)*; **5.** ki telah berkurang (marah, nafsu, dll), reda: *kemarahannya tidak juga ~ lagi*; **6.** keluar atau meninggalkan kenderaan ke bawah, keluar dr perahu dll dan naik ke darat: *maka ~lah orang sekoci pergi mengambil air; maka lalu ~lah sahaya berjalan-jalan melihat-lihat kampung dan pasar di situ*; **7.** dr darat pergi naik ke kapal (perahu dll), menaiki kapal (perahu dll): *maka ~lah ia ke sampannya lalu berkayuh*; **8.** keluar dr rumah, pergi atau pulang

(tetamu): *lebih kurang pukul sebelas malam barulah kami ~ dr rumahnya*; **9.** menjadi kurang atau rendah drpd biasa (harga dll), jatuh, merosot, susut (hasil dll): *naik dan ~nya jualan tuan pd tiap-tiap bulan, terpulanglah kpd kecekapan tuan menguruskan perniagaan*; **10.** datang dr sesuatu yg dianggap tinggi (di atas), mewarisi sesuatu (perangai dll) drpd datuk nenek dll, memasuki (roh, orang halus, dll): *semua sekali ayat yg terhimpun di dlm Quran sekarang ini ~nya dlm waktu dua puluh tiga tahun*; **11.** datang jatuh (hujan, salji), datang bertiup (angin ribut): *tiba-tiba ~lah hujan rintik-rintik; pd pagi itu ~lah pula ribut serta dgn hujannya*; **12.** hilang warnanya (kain dll), luntur (warna kain dll): *corak yg tidak ~, iaitu warnanya tidak berubah apabila dibasuh*;
~ *darah* a) keluar darah dgn banyaknya (perempuan yg telah bersalin atau keguguran); b) sudah reda (berkurangan) marahnya; ~ *haji* kembali selepas mengerjakan haji (di Mekah); ~ *harga* menjadi lebih rendah harganya; ~ *ke sawah* pergi bekerja di sawah; ~ *main* Jk berehat (bagi kanak-kanak sekolah) separuh waktu; ~ *makan* Jk berhenti bekerja utk makan (pekerja); ~ *mandi* = ~ *ke air* upacara memandikan bayi utk pertama kali; ~ *merek* Id a) mendapat nama buruk; b) sudah tidak megah lagi; ~ *minum* Jk berhenti bermain utk minum (pemain bola sepak dll); ~ *minyak* menjadi berang atau ganas (binatang spt gajah dll); ~ *naik* = *naik* ~ a) tidak sama atau tidak rata (jalan dll), tinggi rendah; b) sekejap turun sekejap naik (nafas dll), sentiasa bergerak-gerak; c) sentiasa berubah-ubah, tidak tetap (ekonomi sesebuah negara dll); ~ *padang* pergi sendiri (biasanya pemimpin, pembesar dsb) ke sesuatu tempat utk menyiasat (meninjau, melihat dsb) sesuatu keadaan, masalah dsb; ~ *ranjang* Jk mengahwini saudara atau sanak isteri yg telah meninggal; ~ *takhta* = ~ *dr takhta kerajaan* =

~ *dr kebesaran* meninggalkan takhta (tidak menjadi raja lagi), makzul; ~ *tangan* a) turut mencampuri sesuatu hal dll; b) turut menyiapkan sesuatu pekerjaan dll; c) turut memberikan pertolongan (kpd orang miskin dll); ~ *tangga* a) turun melalui tangga; b) bertingkat-tingkat (pangkat, tinggi, umur, dll) dan hanya sedikit sahaja bezanya; c) Sr istiadat membawa pengantin laki-laki turun dan naik tangga sebanyak tiga atau tujuh kali (oleh pihak pengantin perempuan); ~-*temurun* = ~-*menurun* berpindah-pindah drpd bapa kpd anak, drpd anak kpd cucu dan seterusnya, drpd nenek moyang turun kpd anak cucu dll; *sama* ~ *dgn malim* prb perempuan yg dlm tempoh sebulan sahaja sesudah kahwin diceraikan oleh suaminya;

berturun turut mengeluarkan wang sbg derma (yuran, sokongan, dll): *mereka ~ lima ringgit seorang utk menolong mangsa banjir di Kelantan*;

menurun **1.** agak miring (tanah, pantai, dll), landai ke bawah: *gunung itu ~ dgn curamnya arah ke timur*; **2.** pergi dr atas ke bawah (bukit dll), pergi melalui lereng bukit dll ke bawah: *ia bergegas melangkah ~ bukit yg curam menjunam itu*; **3.** menjadi kurang drpd biasa, beransur-ansur turun, menjadi reda (kemarahan dll), berkurang, surut, susut: *debar darahku ~ dan dadaku terasa lapang; mereka ditangkap kerana dituduh menjalankan sabotaj yg menyebabkan penghasilan kilang itu ~*; **4.** berpindah kpd (drpd bapa kpd anak, drpd anak kpd cucu, dll), turun kpd: *ia benar-benar ~ kelakuan bapanya*; **5.** kemasukan roh halus ke dlm tubuh (pawang, bomoh, dll), berada dlm keadaan tidak sedar dan seterusnya dapat menghubungi makhluk-makhluk halus (bkn bomoh, pawang, dll), bersawai: *cara mengubat penyakit kadang-kadang dilakukan dgn cara ~; saya dapat menyaksikan bagaimana*

gayanya orang berpawang dan pawang ~ hantu; ~ hujan
mendatangkan hujan;

menuruni 1. turun melalui (tangga, lereng bukit, dll): *kemudian dia berlari-lari ~ tangga hotel itu*; **2.** turun utk mengambil dll sesuatu, turun ke; *~ telaga turun ke dlm telaga*; **3.** keluar dr rumah utk menghadap (menangkap, mengejar), turun utk menyambut (kedatangan orang dll): *jikalau anak raja datang, tiada dituruninya, melainkan anak raja yg akan ganti kerajaan maka dituruninya*;

menurunkan 1. membawa turun (ke bawah), menarik turun, menjatuhkan, merendahkan: *dilihat orang layang-layang Raja Ahmad sudah naik, maka segala orang banyak ~ layang-layangnya; maka sekalian baris itu ~ senapangnya memberi hormat*; **2.** mengeluarkan dr kendaraan (kereta, perahu, dll), menyuruh turun: *setelah ~ kami di masjid besar, maka drebar itu pun membawa balik motokar itu ke Yan*; **3.** menjadikan rendah (pangkat, kedudukan, dll), memakzulkan (raja dll): *setelah Abdullah menjadi sultan memanglah sukar hendak ~nya balik*; **4.** menjadikan kurang (harga dll), mengurangkan, menyusutkan (hasil dll), memerosotkan: *ia boleh membuat undang-undang baru, menukar undang-undang lama, menaikkan atau ~ cukai*; **5.** menjadikan perlahan (suara), merendahkan; **6.** memindahkan sesuatu kpd (anak, cucu, dll), mewariskan sesuatu kpd, meninggalkan (harta, ilmu, dll) kpd: *harta si mati itu mesti diturunkan kpd warisnya; dia akan ~ ilmunya kpd orang yg hanya betul-betul hendak belajar sahaja; ~ baka memindahkan baka; ~ kuasa memindahkan kuasa (kepada orang bawahan dll)*; **7.** menternakkan, menggembalakan (lembu dsb); **8.** mendatangkan (wahyu dll) kpd, menyampaikan (ilham dll) kpd, mewahyukan,

mengilhamkan: *wajib kita percaya kpd kitab-kitab yg diturunkan oleh Allah kpd rasul-rasul*; **9.** memulakan menanam (padi dll): *maka bertitah baginda suruh Bujang Selamat panggil Tuk Bidan Raja datang menugal dan ~ benih*; **10.** menyebabkan turun, mengggugurkan, menjatuhkan: *kebanyakan hujan di Semenanjung adalah hujan ribut yg ~ sampai 30 cm dlm sehari*; **11.** menjadikan turun (warna kain dll), melunturkan (warna), memudarkan: *serbuk pencuci itu akan ~ warna dan merosakkan corak kain itu*; **12.** Id membentuk kata terbitan drpd kata pokok yg diberi imbuhan (awalan, sisipan, atau akhiran): *dgn bersisipkan em, kata gerlap diturunkan menjadi gemerlap*; **13.** memilih atau meletakkan pemain dlm pertandingan (bola sepak dll), memilih pemain utk mewakili sesuatu pasukan (dan seterusnya bermain dalam sesuatu perlawanan): *mereka telah ~ pemain-pemain yg handal utk menentang pasukan dr luar negara itu*;

memperturun; ~ hari mendatangkan hujan dgn doa dll;

turunan 1. = **keturunan** anak cucu, baka, zuriat: *betapa senang dan gembira hati Pak Long Karim melihat usahanya dan jasanya utk anak dan ~nya masa akan datang*; **2.** peranakan, kacukan: *dekat baginda kelihatan perajurit pilihan, iaitu perajurit Daengan dan Bugisan ~ Mengkasar dan Bugis*; **3.** sesuatu yg dipusakai drpd nenek moyang, sesuatu yg turun-temurun: *ayahnya sendiri seorang tua model lama, amat kukuh memegang kebiasaan ~, tetapi tidak pandai menjaga anaknya*; **4.** = kata ~ Id (Lin) kata yg dibentuk drpd kata pokok, kata terbitan, kata bersambungan; **5.** bp penurunan;

keturunan 1. yg diturunkan drpd, anak cucu kpd, turunan, zuriat: *dlm bahasa Melayu klasik kata putera semata-mata diperuntukkan bagi anak laki-laki ~ raja*; **2.** sesuatu yg diwarisi: *dia memang*

orang biasa yg tidak mempunyai gelar ~ apa-apa; 3. menderita (sakit dll) yg turun-temurun, mendapat sesuatu yg menurun; 4. perihal dimasuki roh halus, kemasukan roh halus;

berketurunan mempunyai keturunan (zuriat);

penurunan 1. bahagian bukit (lereng, jalan, dll) yg menurun, lwn pendakian: *akhir sekali, akan berhenti pendakian dan ~ itu di satu padang yg luas terbentang; 2.* perihal menuruni atau menurunkan (dlm berbagai-bagai makna), pembongkaran (barang dr kapal dll); **3.** perihal merendahkan (harga, nilai, dll), pengurangan, penyusutan: *~ nilai mata wang Sterling akan membaiki keadaan ekonomi British yg sedang merosot; 4.* (Kim) proses mengeluarkan oksigen drpd sebatian atau memasukkan hidrogen ke dlm sebatian.

turun II; menurun 1. meniru (tulisan dll) drpd yg lain, menulis semula, menyalin; **2.** meniru perbuatan orang lain, mencontohi orang lain; **menurunkan, memperturunkan 1.** menulis kembali, menyalin (drpd sesuatu yg lain): *di bawah ini kita turunkan lima rangkap permulaan drpd Syair Perahu; ayat yg diperturunkan di bawah ini mengandungi beberapa kekurangan tentang jalan bahasanya; 2.* membuat karangan dll dgn memadankannya dgn yg lain, mencontohi (karangan dll) yg lain: *Hikayat Ken Tambuhan naskhah ini telah diperturunkan drpd Syair Ken Tambuhan; 3.* menulis (dgn lengkap), mencatatkan: *di bawah ini diturunkan dgn ringkas cara-cara yg digunakan oleh penyair Melayu utk mendapatkan rima; 4.* membubuh (tandatangan, cap, dll) pd sesuatu: *pengantin lelaki itu ~ tandatangannya ke dlm Buku Daftar Perkahwinan kerajaan;*

turunan sesuatu yg diturunkan (surat dll), salinan.

turus 1. tiang drpd kayu dll (utk mengukuhkan pagar, belat, dll), tonggak: *dicabutnya ~ pagar yg terpacak itu; 2.* kayu atau buluh

yg digunakan utk penjalaran kacang (sirih dll), junjungan; **3.** = ~ negeri sl pembesar negeri (penghulu dll), pasak negeri: *betapa peri aku memecat Pateh Aria Gajah Mada ini? Suatu pun tiada salahnya kpd aku, lagi ia penaka ~ bumi Majapahit; ketua ~ pegawai yg tertinggi dlm tentera (angkatan darat, angkatan laut, angkatan udara); pegawai ~ kumpulan pegawai kanan (dlm tentera) yg membantu pegawai pemerintahnya;*

~ *belat* tiang atau tonggak yg menahan belat; ~ *dayung* kayu yg dipasang tegak tempat meletakkan dayung (pd perahu dll); ~ *empang* tiang yg menahan empang (supaya jangan runtuh);

menurus tegak spt turus;

menuruskan sl mengikatkan seseorang pd turus (sbg hukuman).

turut 1. pergi bersama: *saya ~ ke mana dia pergi; 2.* bersama-sama melakukan (ditimpa dll) sesuatu, tidak terkecuali drpd (sesuatu kejadian, perbuatan, dll), ikut serta: *Ahmad yg ~ terbunuh oleh serangan hendap itu baru semalam ditemui mayatnya; ~ serta* bersama-sama mengikuti (melibatkan diri dalam, melakukan, dll) sesuatu; **3.** patuh kpd (undang-undang, janji, dll), taat kpd: *sekiranya kamu ~ akan nasihat ini berbahagialah kamu;*

~ *campur* mencampuri urusan atau hal orang lain; ~ *serta* ikut serta (melakukan sesuatu dll); *pak* ~ orang yg sentiasa mengikut (meniru dll) orang lain;

seturut 1. sepanjang (yg dihebahkan, diceritakan, dll); **2.** tidak bersalahan dgn, sesuai dgn (adat dll), selaras dgn; **3.** langsung selepas, sebaik sahaja: *Bujal menggeleng kepala ~ dgn keluhannya;*

berturut bersusun mengikut peraturan, berikutan dgn teratur (tidak ada antara): *cari dua angka ganjil yg ~ dgn syarat selisih di antara ganda dua satu angka dgn yg lain itu 48;*

berturut-turut, berturutan 1. tidak berantara antara satu dgn lain, lepas satu-satu, terus-menerus dgn teratur (tidak berselang), tidak berhentinya, beruntun-runtun, bersambung-sambung: *beliau telah kalah dlm tiga pilihan raya kecil kpd parti lawannya secara ~*; **2.** terus melakukan sesuatu dgn tiada hentinya, bertubi-tubi, berulang-ulang: *maka meriam pun sudahlah diisi, lalu ditembaknya tiga pucuk ~*;

berturututi Mn dipercayai dan dipakai (percakapan dll), diikuti (nasihat dll), dipatuhi;

menurut 1. berjalan dll mengikut jalan (garis, hala, dll) yg tertentu, tidak menyimpang dr jalan dll yg tertentu: *~ jalan yg benar*; **2.** mencontohi (perbuatan orang lain dll), meneladan, meniru: *telah dilihat oleh Cina, diturutnya, sebab itulah maka Cina gemar makan kangkung sampai sekarang*; **3.** mengikut apa yg disuruh (diperintah dll), tidak melawan, patuh kpd: *maka segala orang itu pun semuanya ~ spt kata penghulunya*; **4.** meluluskan (permintaan, kehendak, dll), memenuhi (syarat, ketentuan, dll), menyampaikan (harapan dll): *Balzac tidak akan dapat melahirkan karya-karyanya yg agung itu jika ia ~ kehendak orang tuanya utk bertugas sbg seorang ahli undang-undang*; **5.** mengikut (berjalan dll), mengekori (dr belakang): *dia berjalan menuju ruangan yg di sebelah barat bangunan, aku ~nya dr belakang*; **6.** spt yg dikhabarkan (diberitakan, dihebahkan, dll), sepanjang (berita dll): *~ yg diketahui sebanyak satu suku juta ringgit harga saham telah terjual*; **7.** sesuai dgn, tidak bertentangan dgn, tidak melanggar (syarat dll), selaras dgn: *hari ini ~ pendapat orang alim ialah hari yg baik*; **8.** tidak bersalahan drpd, serupa dgn: *rupanya ~ rupa neneknya*; **9.** ikut serta (melakukan sesuatu dll), turut serta: *Sultan Mansor Shah pun ~ menyebut nama Hang Tuah itu Laksamana*;

10. bergantung pd: *maju mundurnya dlm pelajarannya ~ kerajinannya;*

~ lagu mengikut irama atau rentak lagu; ~ pusingan jam mengikut arah pusingan jarum jam;

turut-menurut **1.** saling menurut, ikut-mengikut, tidak tentang-menentang; **2.** ark menurut sahaja (fikiran orang dll), ikut-ikutan;

menuruti **1.** mengikut dr belakang, mengekori, mengikut: *Ismail berganding dgn Lamah berjalan lambat-lambat menuju ke kereta, Bibah ~ mereka dr belakang dgn wajah usang;*

2. tidak menegah (melarang), meluluskan (pemberian dll), memberi: *diturutinya sahaja kemahuan cahaya matanya yg tunggal itu;*

3. menurut akan (nasihat dll), tidak menentang, mematuhi: *ia ~ kehendak suaminya;*

4. menjadikan sesuatu sbg contoh (teladan), mencontohi: *jangan dituruti, kerana ia orang yg tidak tahu bahasa;*

menurutkan **1.** mengikut (berjalan dll) di belakang sesuatu, mengiringkan: *mereka berjalan ~ orang tua mereka;*

2. tidak menegahkan (melarangkan), mengikut (kehendak hati dll), melayani, memberi: *dr satu bandar ke satu bandar yg lain dia berpindah-pindah ~ hati;*

3. mendasarkan pd, menjadikan sbg dasar: *kerendahan budi selama ini hanya diperintahi oleh perasaan hati, tidak ~ pertimbangan yg adil;*

memperturut sl mengejar dr belakang, menghambat: *berundurlah mereka balik ke perkhemahannya diperturut oleh tentera Kembayat;*

memperturutkan **1.** membiarkan bersama-sama (melakukan sesuatu dll), membiarkan turut, tidak mengecualikan; **2.** tidak melarangkan (menegahkan), mengikut (kemahuan, kehendak, dll), mematuhi, menurutkan: *sekali-kali jangan diperturutkan rasa kecewa, yg mungkin menjadikan orang putus asa;*

3. =

memperturut-turutkan melakukan sesuatu berkali-kali, mempertubi-tubi: *perajurit itu pun segeralah berlari-lari serta menikam dada Tun Tuah, diperturut-turutkannya tikaman itu;*

turutan 1. = **turut-turutan** sesuatu yg diturut (dicontohi, diikuti, dll), contoh, teladan: *maka iaitu patutlah menjadi ~ dan teladan bagi segala orang yg terkemudian; 2.* yg berturut-turut (berikut-ikut); **3.** yg ikut atau turut (bersama); *orang ~ orang yg turut (ikut);*
turut-turutan 1. sesuatu yg diturut, contoh, teladan, turutan; **2.** selalu menurut (kata dll) orang lain, ikut-ikutan: *dia tidak mahu menjadi petani ~;*

perturutan 1. perihal berturut-turut (beruntun-runtun); **2.** kelanjutan;

seperturutan sl sama perbuatan (kelakuan dll) dgn, mengikut-ikut orang lain: *jika engkau ~ dgn dia, engkau pun terbawa-bawa;*

penurut 1. tidak membantah (melawan dll), suka menurut, patuh, taat; **2.** orang yg mengikut, pengikut.

tus I bunyi spt bunyi air menitik;

mengetus mengetuskan;

mengetuskan mengeringkan (beras yg dibasuh dll) dgn membiarkan airnya menitik: *agar-agar dibasuh dan direndamkan sebentar, kemudian barulah dituskan airnya;*

pengetus alat utk mengetuskan (pinggan mangkuk dll).

tus II bunyi spt bunyi senapang (mercun dll), detus.

tusam = *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), *Pinus merkusii*; *minyak* ~ minyak turpentin (yg diperoleh drpd pokok tusam).

tuslah IB, bp bayaran tambahan (utk tiket kereta api dll).

tusuk barang yg runcing lagi tajam utk mencucuk (penyemat, jarum, dll), cucuk, pencucuk; ~ *kundai* cucuk (penyemat) sanggul;

menusuk 1. mencucuk dgn barang yg tajam, mencucuk hingga tembus: *mereka harus menurut sahaja spt unta yg telah ditusuk hidungnya*; **2.** melukai dgn senjata tajam, menikam: *tiba-tiba ditusuknya dgn pisau yg putih matanya*; **3.** = **menusuk-nusuk** menjadikan orang marah, memanasakan hati orang, menghasut: *menusuk-nusuk orang*; **4.** ki masuk ke dlm, meresap: *kesejukan akan ~ ke tulang kalau kipas itu bertambah ligat*; ~ *hati ki menyakiti (menyakitkan) hati*;

menusukkan 1. mencucuk sesuatu pd, menembuskan (dgn barang yg tajam); **2.** menanamkan sesuatu (yg tajam) pd, menikamkan: *secepat kilat puntung itu ditusukkannya ke muka Pandekah*;

tertusuk tertikam, tercucuk: *besi tajam yg terpasang itu ~ pd perut kerbau itu*; ~ *hati* berasa tersinggung atau sakit hati;

tusukan 1. hasil atau akibat menusuk, tikaman: *ia telah dijumpai terbunuh di antara batu-batu bukit Tragan kerana ~ pedang di rusuknya*; ~ *jarum-jarum halus ini sebenarnya tidak sakit*; **2.** hasutan: *masakan orang tuanya mahu mendengar ~ Engku Baginda Mais!*

tut hasil drpd mencantumkan tunas drpd satu pokok pd pokok yg lain yg sama jenisnya (supaya menjadi pokok yg lebih baik): *rambutan ~*;

mengetut mencantumkan tunas drpd satu pokok pd pokok yg lain (utk mendapatkan baka yg lebih baik);

pengetutan perihal (kerja) mengetut;

pengetut orang yg menjalankan kerja mengetut.

tuter IB hon (kereta).

tutor pembimbing mahasiswa dlm mata pelajaran tertentu di universiti.

tutorial kelas perbincangan yg diadakan dgn bimbingan seorang tutor.

tut-tut I bp tiba-tiba, tengok-tengok.

tut-tut II kendaraan beroda tiga dan berbambung yg digunakan sbg pengangkutan awam di Thailand.

tutu I; bertutu berbunyi (burung ketitir).

tutu II 1. pakaian sendat yg dipakai bersama skirt pendek yg keras oleh penari balet wanita; **2.** sj skirt pendek dan keras yg dipakai oleh penari balet wanita.

tutuh; menutuh 1. memotong dahan atau cabang kayu, memangkas, mencantas: *ia sedang ~ dahan-dahan nangka*; **2.** sl memecahkan perahu dll utk diambil kayunya: *maka apabila sampai ke Siantan, maka kici itu pun ditutuhnya dibuat penjajap perang*; **3.** bk melakukan sesuatu yg umumnya kurang baik (makan suap dll); **4.** bk memukul, menumbuk; *rimbun-rimbun ditutuh, semak-semak disiangi* prb barang sesuatu hendaklah dijaga baik-baik supaya sentiasa selamat.

tutuk I; menutuk mengetuk atau memukul perlahan-lahan.

tutuk II sj tumbuhan (pokok), kangsar, *Hibiscus fioccosus*.

tutul I Jw; *macan* ~ harimau bintang.

tutul II; *main* ~ sl sj permainan kanak-kanak (ketika bulan terang).

tutup 1. = **tertutup** tidak terbuka, terkatup: *semua kedai kecuali kedai makanan ~ pd hari Ahad; baju jas ~*; **2.** = **tutupan, penutup** sesuatu yg digunakan utk menudungi (menyelubungi dll) sesuatu; ~ *botol* sumbat botol (drpd gabus dll); ~ *bantal* bahagian hujung dan pangkal bantal yg dihiasi dgn sulaman; ~ *kepala* tudung kepala (songkok, terbus, dll); ~ *malu* sesuatu yg dipakai dll supaya jangan mendapat malu; ~ *meja* kain alas meja; ~ *mulut* a) tinggal diam membisu, tidak berkata-kata; b) bp rasuah, wang suap; ~ *pintu* a) bp menutup pintu; b) daun pintu; ~ *sanggul* sj cucuk sanggul; ~ *tiang* alang rumah yg dipasang dr tiang ke tiang;

bertutup ada tutupnya, memakai tutup (tudung): *mangkuk ~; perempuan Islam bukannya demikian, mereka ~ kepala dan berbaju;*

menutup **1.** tidak membiarkan terbuka (pintu, tingkap, dll), merapatkan tutupnya, mengatup: *ia ~ pintu rumahnya;* **2.** memberi bertutup (bertudung), menudungi: *kita hendaklah ~ makanan kita supaya jangan dihindangi lalat;* **3.** ki tidak menghebahkan, merahsiakan, menyembunyikan: *mereka tahu ~ rahsia;* **4.** menjadikan tidak boleh dilalui atau diikuti (jalan, sungai, dll), menimbus supaya buntu, menyekat, menyumbat: *semua jalan di kawasan perintah berkurung telah ditutup sejak pukul enam petang tadi;* **5.** mematikan nyala lampu dll, lwn memasang: *dia memberani-beranikan hati pergi ke ruangan depan dan ~ lampu;* **6.** memasukkan ke dlm penjara, memenjarakan; **7.** menjadikan cukup (wang perbelanjaan dll), mencukupkan, menggenapkan; **8.** mengakhiri atau menyudahi (cerita, pembicaraan, dll): *Ali ~ cerita dan meraba bibirnya;* **9.** tidak melanjutkannya lagi (tempoh), habis tempohnya: *tarikh permohonannya ditutup pd 10 Julai yg akan datang ini;*

~ *buku* a) mengatup buku; b) memasukkan ke dlm buku kira-kira (wang keluar masuk); ~ *jalan* a) tidak membenarkan lalu; b) menyekat drpd melakukan sesuatu; ~ *mata* a) memejamkan mata; b) melekapkan sesuatu di mata supaya jangan dapat melihat; c) sengaja tidak mahu mengambil tahu: *seseorang tidak harus ~ mata kpd ilmu-ilmu yg berasaskan sains;* d) mati, meninggal; ~ *muka* melindungi muka dgn sesuatu; ~ *mulut* a) diam sahaja; b) tidak mahu memberitahu; ~ *pintu* tidak atau enggan menerima (pengaruh, ajaran, dll); tidak mahu menyambut atau melayani

(sesuatu); ~ *telinga* a) melekapkan sesuatu pd telinga supaya tidak mendengar; b) sengaja tidak mahu mendengar;

menutupi 1. banyak yg ditutup, berkali-kali menutup; ~ *pintu* banyak pintu yg ditutup; 2. memberi bertutup, melindungi: *disentaknya kain utk ~ pusatnya; rambutnya yg jatuh ~ dahinya*; 3. ki melindungi sesuatu (supaya jangan diketahui orang dll), merahsiakan: *ia ~ isi hatinya yg sebenarnya*;

menutupkan 1. menggunakan sesuatu utk menutup, menutup utk: *maka disuruhnya ambil batu yg besar-besar maka ditutupkannya pd pintu gua itu*; 2. mengatupkan: *maka pukul tujuh malam ditutupkannya pintu itu dan pukul tujuh pagi dibukanya*; 3. ki menghabiskan (puasa), membuka (puasa): *ia mesti ~ puasanya*;

tertutup 1. tidak terbuka, terkutup, terkunci: *sehari-hari ini pintunya ~ sahaja*; 2. ki tidak bebas lagi, tidak terbuka utk mendapat atau menerima sesuatu: *malangnya ketika demikian, peluang bagi mengisi perut telah ~ bagi mereka; bersikap ~ bersikap tidak sama sekali rela atau bersedia menerima sesuatu (pengaruh dll)*;

tutupan 1. alat utk menutup, tudung; 2. sesuatu yg ditutup; *orang ~ orang yg dihukum penjara; rumah ~ penjara*;

penutupan perihal menutup (menutupi, menutupkan), penamatan, pengakhiran, penyudahan: *beliau diberitakan telah mengisytiharkan ~ perkhidmatan penerbangan Amerika Syarikat di seluruh Indonesia*;

penutup 1. alat yg digunakan utk menutup, penudung; 2. sesuatu yg (dipakai utk) mengakhiri (surat, karangan, ucapan, dll), pengunci, penyudah: *sbg ~ ingin saya kemukakan beberapa*

saranan; ~ surat itu mengatakan bahawa ia akan datang sore hari sambil membawa wangnya.

tutup II; ~ *bumi* sj tumbuhan (herba), *Elephantopus scaber*; ~ *bumi rimba* sj tumbuhan (herba), kerakap rimau, *Phyllagathis griffithii*.

tutur I apa yg diucapkan, kata, perkataan, ucapan;

~ *bahasa* = ~ *cakap* = ~ *kata* bahasa percakapan; ~ *dan kata* ucapan dan kata; ~ *nista* kata-kata yg menista (mencemuh dll); ~ *sepatah* kata sepatah; *bahasa* ~ bahasa percakapan; *buah* ~ apa yg diperkatakan, buah mulut, bahan percakapan;

bertutur bercakap, berbicara, berkata: *calon-calon hendaklah boleh ~ dlm bahasa kebangsaan dgn fasih*;

bertutur-tutur bercakap-cakap, berkata-kata: *setelah ~ sececah, ia pun mohon diri akan pulang*;

menuturkan 1. mengeluarkan kata-kata, melafazkan, mengatakan, mengucapkan; **2.** mengucapkan (nama dll), menyebutkan: *adapun pendeta-pendeta ~ keesaan Tuhan yg ada itu dgn pelbagai nama yg berlainan*; **3.** = **mempertuturkan** mengisahkan, menceritakan: *ada antara tukang cerita ini yg masih ~ beberapa cerita dlm majlis perkahwinan di kampung*;

pertuturan 1. cara atau gaya menuturkan sesuatu, lafaz, sebutan, ucapan: *kata kita jangan, katanya jangang, kata kita bulan, katanya bulang, tetapi ~nya sahaja demikian*; **2.** apa yg dituturkan, percakapan: *perkataan yg dipinjam ini bukan hanya tersimpan dlm kamus tetapi digunakan dlm ~ sehari-hari oleh orang ramai*;

penuturan perihal menuturkan, pembicaraan, percakapan: *cerita-cerita ini diabadikan melalui ~ sahaja walaupun pd adatnya cerita-cerita itu berubah-ubah dan bertokok tambah*;

penutur orang (kaum dsb) yg menuturkan sesuatu bahasa, orang (kumpulan orang) yg menggunakan sesuatu bahasa (sbg

kelaziman): ~ *bahasa Melayu tentulah berasa perlu mengungkapkan segala yg baru ini dlm bahasa Melayu; ~ asli penutur sesuatu bahasa yg sudah menjadi bahasa ibundanya.*

tutur II; tuturan; ~ *atap* cucuran atap;

penuturan 1. tuturan: ~ *atap*; **2.** = **petuturan** sl keturunan: *akan Hang Nadim itu sedia asal anak Melaka, menantu kpd Laksamana ~ keluarga kpd Bendahara Seri Maharaja.*

tuwu; *burung* ~ sj burung, tahu, *Eudynamys scolopacea malayana.*

TV kep televisyen.

twiter sj alat pembesar suara bersaiz kecil utk menghasilkan frekuensi audio yg tinggi.

u huruf ke-21 abjad Rumi.

U I simbol kimia bagi uranium.

U II bp kep universiti: *budak ~; masuk ~*.

ua 1. singkatan bagi tua; **2.** singkatan bagi pak tua atau mak tua; □ →

□ **wa II.**

uai ark emak, ibu.

uaian → **urian.**

uak I □ → **wak I.**

uak II bunyi spt bunyi kerbau (katak dll);

mengauk mengeluarkan bunyi spt bunyi kerbau (katak dll):

kambing mengembek, kerbau~;

uakan bunyi uak: *seekor kuda meringkik diiringi ~ beberapa ekor lembu.*

uak-uak; *burung ~ sj burung, ayam-ayam, Amaurornis pheonicurus chinensis.*

uan I □ → □ **wan.**

uan II ark uban.

uanda ark bh pak tua atau mak tua.

uap I □ → □ **wap.**

uap II; **mengauap** membuka mulut luas-luas dgn mengeluarkan udara (kerana mengantuk dll); □ → □ **kuap I.**

uar; **uar-uar** pengumuman yg dibuat dgn meneriakkannya kuat-kuat;

menguar, menguar-uar berteriak-teriak memberitahu kpd orang ramai;

menguarkan, menguar-uarkan 1. meneriak-teriakkan sesuatu utk memberitahu orang ramai, mengumumkan (memberitahukan) sesuatu dgn suara yg kuat; **2.** ki menghebahkan atau menyiar-nyiarkan khabar (berita dll): *sejak agama Tuhan masuk ke mari,*

adat lama pusaka usang yg diuar-uarkan Belanda itu tidak ada lagi;

penguaran pengumuman (pemberitahuan) kpd umum.

uba ark sj pasu utk (mengendapkan bubur sagu).

ubah I kelainan (dgn yg lain), beza, lain; *tak* ~ sama benar dgn, tidak ada bezanya;

berubah 1. berbeza (drpd keadaan dsb yg asal atau yg semula jadi), menjadi lain: *dia telah ~ drpd seorang yg gembira menjadi seorang yg pendiam; penghidupan di kampung sudah banyak ~ sejak merdeka;* **2.** tidak tetap (keadaannya), setiap waktu lain, bertukar-tukar: *suhu badannya tidak ~ walaupun hawa di kelilingnya tidak tetap;* **3.** tidak spt biasa atau sebelumnya, bertukar (warna, rupa, dll): *~ air mukanya apabila dia mendengar pertanyaanku itu;* **4.** = ~ menjadi = ~ jadi = ~ kpd bertukar menjadi (sesuatu yg) lain: *kertas akhbar yg lama ~ menjadi kuning;* **5.** Pr beralih (tempat dll), berpindah (dr yg dahulu), bertukar (arah dll): *~ dr sini kamu, Mat Som;*

~ akal = ~ fikiran = ~ ingatan menjadi gila; *~ hatinya (pendapatnya, niatnya)* tidak spt biasa atau spt dahulu lagi hatinya (pendapatnya, niatnya); *~ muka* bertukar air muka(nya);

berubah-ubah sentiasa atau sering kali berubah (bertukar), tidak tetap (keadaannya dll): *cerita itu ~ dan bertokok tambah juga akhirnya mengikut kemahuan si penceritanya;*

mengubah 1. berubah, menjadi lain: *cara hidupnya telah ~ drpd cara hidup nenek moyangnya;* **2.** menjadikan berlainan atau berbeza drpd yg asal (semula jadi atau sebelumnya), menukar kpd yg lain: *kejadian itu telah ~ sikapnya terhadap wanita; Chomsky sendiri telah beberapa kali ~ pendiriannya tentang aspek-aspek tertentu;* **3.** menjadikan lebih baik (drpd yg semula jadi, yg asal,

atau sebelumnya), memperbaiki (keadaan yg kurang baik dll): *Tuhan tidak akan ~ seseorang itu jika dia sendiri tidak berusaha ~ dirinya; kanak-kanak yg baru bersekolah akan terpaksa ~ kebiasaan mereka dgn tiba-tiba; 4. menyusun semula (cerita, karangan, dll), mengolah kembali; 5. tidak menepati (janji, sumpah, dll), tidak mematuhi (peraturan, adat, dll), melanggar (adat dll), menyalahi: sekalian adat dan pekerjaan ini semuanya drpd adat purbakala, jikalau barang siapa ~ atau memecahkan itu, nescaya ditimpa daulat marhum yg tua-tua; 6. bp memindahkan ke tempat lain (benih semaian dll), mengalihkan: benih padi disemai dlm bulan Jun atau Julai supaya kerja ~ boleh dilakukan dlm bulan Ogos; 7. mengalih (arah dll) dr yg asal atau semula, menukar arah dsb: pandangan itu kemudiannya diubah ke muka bapanya; ~ setia mengalih kesetiaan kpd orang lain; ~ janji memungkiri janji; ~ langkah ki menukar cara hidup;*

mengubahkan menjadikan (menyebabkan) berubah, menjadikan berlainan atau berbeza (drpd yg asal atau sebelumnya), menukarkan: *hendaklah kamu berdua jangan ~ setia kamu kpd anakku berdua;*

memperubahkan menjadikan berlainan, memperbezakan, memperlainkan;

terubah sudah (dapat) diubah;

ubahan (sesuatu) yg sudah diubah atau berubah, (sesuatu) yg berlainan drpd yg asal atau semula;

ketakberubahan keadaan yg tidak berubah;

perubahan perihal berubah, peralihan, pertukaran: *dlm jangka waktu enam bulan ini, banyak ~ yg telah berlaku;*

pengubahan perihal mengubah (mengubahkan), pengalihan, penukaran (kpd sesuatu yg lain): *begitulah cara ~ politik dilakukan melalui tindakan yg negatif*;

pengubah orang dll yg mengubah (mengubahkan).

ubah II; ~ *paya* = *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok renek), pokok kerenam, *Glochidion arborescens*; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok), gedari rawang, hujan panas putih, pokok mancung, *Glochidion glomerulatum*.

ubah ansur ark evolusi.

ubah suai; **mengubah suai** membuat perubahan dsb pd sesuatu supaya menjadi sesuai dgn sesuatu keadaan (keperluan, kegunaan, dsb): ~ *bangunan lama*; ~ *sistem dan kaedah lama supaya dapat memenuhi keperluan keadaan sekarang*;

ubah suaian sesuatu yg telah diubah suai, hasil drpd mengubah suai;

pengubahsuaian perihal (perbuatan, kerja, proses, dsb) mengubah suai: *biasanya beberapa ~ berlaku oleh sebab timbulnya persoalan baru dlm menangani kata masukan tertentu, yg tidak terduga atau tertelah pd peringkat awal penentuan sistem; penyusunan semula dan ~ istilah-istilah yg telah digubal dan dicipta pd tahap awal perkembangan bahasa*;

pengubah suai bahan atau alat utk mengubah suai sesuatu: ~ *yg biasa dicampurkan utk memelihara kekerasan permukaan tuangan ialah fluorida dan siliko-fluorida*.

ubai; ~ *itik* = **ubai-ubai** sj tumbuhan (herba), daun balam, gubai, pokok kedudu paya, rubai, *Pouzolzia zeylanica*.

ubal-ubal □ → □ **ubel-ubel**.

uban I rambut yg sudah putih (atau mulai menjadi putih): *orangnya sudah tua juga, ada ~ sedikit di kepalanya; ~ tahi harimau* rambut uban yg berbelak-belak hitam;

beruban 1. mempunyai uban (rambut putih), menjadi putih (bkn rambut seseorang): *lama-lama besok engkau ~ dan rabun sebab membaca buku saja; 2.* ki sudah lanjut umurnya, sudah tua (sehingga terdapat uban pd rambut): *dr muda sampai ~ pun masih belum berubah perangai engkau; 3.* ki sudah lama dlm sesuatu pekerjaan, sudah lama memegang sesuatu jawatan; *sudah ~ baru berguam* prb perihal orang tua yg tingkah lakunya spt orang muda;

menguban 1. menjadi uban, memutih (rambut); **2.** menyerupai uban; **3.** = **mengubani** mencabut uban; **4.** sudah usang (pakaian dll);

ubanan Jk **1.** ada ubannya, beruban; **2.** dlm kesusahan, kesempitan;

pengubanan proses terbitnya uban, proses (rambut) menjadi uban: *bahan itu boleh me ngelakkan ~ sebelum matang.*

uban II; ~ kayu sj tumbuhan (rumpai), *Cardiospermum halicacabum.*

ubang; mengubang ark membuat takuk pd batang kayu yg ditebang (supaya ia tumbang ke arah yg tertentu).

ubar I 1. sj tumbuhan (pokok yg kulitnya dibuat celup), *Eugenia densiflora*; **2.** sj bahan pewarna (cat) yg dibuat drpd kulit ubar; **3.** Mn cat;

mengubar 1. mencelup dgn ubar (jala, jaring, dll); **2.** Mn menyapu cat, mengecat.

ubar II; mengubar ark membentangkan benda-benda yg bergulung (spt layar dll), mengorak.

ubar III → □ **uber.**

ubat I 1. benda yg digunakan (dimakan, disapukan, dll) utk menyembuhkan penyakit atau menyihatkan badan: *jangan makan apa-apa ~ yg lain, melainkan jika disuruh oleh doktor; ahli ~ orang yg mahir dlm (membuat) ubat; ilmu ~ pengetahuan bkn ubat; kedai ~ = rumah ~ tempat menjual ubat; 2.* bahan kimia utk sesuatu atau berbagai-bagai kegunaan tertentu (sbg racun serangga dll): *air mandi itu hendaklah ditapis betul-betul dan dibubuh ~ pembunuh kuman; 3.* = ~ *bedil* = ~ *pasang* ark mesiu: *kehabisan ~ dan peluru; 4.* jampi, guna-guna, mantera; **5.** bp = ~ *lampu picit* bateri kering (utk lampu picit dll);

~ *angin* ubat utk menyembuhkan penyakit masuk angin; ~ *basah* ki khabar yg tidak dipercayai orang; ~ *batuk* ubat utk menyembuhkan batuk; ~ *bedil* a) peluru; b) bahan ledakan utk peluru senapang, meriam dll; ~ *bius* = ~ *lali* ubat utk membuat pesakit tidak sedar atau tidak berasa sakit (sewaktu menjalani pembedahan); ~ *dalam* ubat yg ditelan atau dimakan; ~ *getah* sj cuka utk membekukan susu getah; ~ *gigi* bahan yg spt krim, biasanya berwarna putih yg digunakan semasa menggosok gigi; ~ *guna* sesuatu yg dijampi utk menawan hati seseorang, pengasih; ~ *hati* pelipur hati; ~ *jerih* a) upah yg diberikan, dalal; b) = ~ *pelera* demam buah hati, kekasih; ~ *kampung* ubat yg dibuat drpd berbagai-bagai ramuan (berlainan drpd ubat yg diberikan oleh doktor di hospital); ~ *kelat* bermacam-macam ubat; ~ *kuat* ubat utk menguatkan badan; ~ *lelah* a) ubat utk menghilangkan lelah; b) ki upah, dalal; ~ *luar* ubat yg disapukan (tidak dimakan); ~ *mata* ubat utk menyembuhkan sakit mata; ~ *nyamuk* ubat utk membunuh atau menghalau nyamuk; ~ *pekasih* = ~ *pengasih* bahan berjampi dsb utk menawan hati seseorang, pengasih; ~ *peluru* bahan ledakan utk peluru; ~ *periuk* ubat kampung utk perempuan yg baru lepas

bersalin; ~ *rumah* obat-obat yg tersedia di rumah; ~ *sedut* obat mudah meruap yg disedut utk melegakan penyakit lelah, selesema dsb; ~ *tasak* obat (jampi dsb) utk menahan darah; ~ *tidur* a) obat utk menidurkan orang yg susah hendak tidur; b) obat bius; ~ *jauh*, *penyakit hampir* prb dlm kesusahan sukar mendapat pertolongan;

ubat-ubatan 1. bermacam-macam obat: ~ *bomoh itu telah hilang kemanjurannya*; **2.** ramuan utk membuat obat;

berubat 1. memakai (menggunakan dsb) obat: *bagaimana hendak sembuh kalau tidak ~?* **2.** minta diubatkan (dirawati), meminta obat kpd: *pd doktor mana engkau hendak ~?* **3.** sudah diberi obat, (sudah) dirawati: *sesudah lama ~, baru dia sembuh*; ~ *hatiku* ki sudah terhibur hatiku;

mengubati, mengubat 1. memberi (membubuh dsb) obat supaya sembuh, menyembuhkan dgn obat: *penyakit batuk kering ini sangat susah hendak ~nya*; *kalau doktor tidak dapat ~mu, apa lagi saya*; ~ *orang sakit*; **2.** menghibur, menyenangkan: *cuma ini yg akan ~ hatiku apabila maut menjemput*; **3.** membetulkan, memperbaiki: *kepincangan dlm masyarakat yg perlu diubati*; *bagi menghadapi dan ~ keadaan itu, Allah telah menetapkan hukuman ke atas penjenayah*; **4.** memulihkan: *utk ~ keraguanku*;

mengubatkan 1. menggunakan sesuatu sbg obat, menggunakan sesuatu utk mengubat(i); **2.** = **memperubatkan** menyembuhkan (mengubati) dgn;

terubat 1. dapat diubat (disembuhkan, dipulihkan dsb): *penyakit mereka itu tidak ~*; **2.** ki dapat dihilangkan perasaan rindu (kecewa, marah dsb), dan berasa gembira, lega, lapang, terhibur dsb setelah memperoleh sesuatu: *kerinduan pd ayah ~ sedikit apabila ibu tidak pernah jemu bercerita tentang arwah ayah*;

kuharapkan kesedihan ini akan ~ apabila pulang ke kampung bertemu dgn keluarga nanti;

terubati sl dapat diubati, sanggup diubati: *adapun penyakit kenohong ini tiada akan ~ oleh patik sekalian;*

ubatan jampi-jampi, guna-guna, mantera, sihir: *adapun Pawang Gajah itu tahu hikmat dan ~, dan ada ia menaruh jin; orang ~ orang yg pandai menjampi (mempergunakan sihir, guna-guna, dsb): ada seorang ~ dapat ia menjadikan dirinya segala rupa;*

perubatan perihal berubat, yg berkaitan dgn ubat atau usaha mengubati: *ilmu ~; jabatan ~; pakar ~;*

pengubatan perihal mengubati (menyembuhkan penyakit, pesakit, dsb); *balai ~ tempat mengubat orang sakit, klinik;*

pengubat sesuatu yg digunakan utk mengubat(i); *~ hati ki penghibur hati.*

ubat II; *~ barah* sj tumbuhan (pokok renek), *Lasianthus stipularis*; *~ kurap* sj tumbuhan (pokok renek), *Rhinacanthus nasutus*.

ubaya □ → □ **hubaya-hubaya.**

ubel-ubel Jk sj kain ikat kepala, serban (orang Sikh dll).

uber Jk; **menguber, menguber-uber** mengikut dr belakang, memburu, mengejar: *setiap opelet yg berhenti, diuber oleh lima orang, biarpun yg turun cuma satu;*

penguberan perihal menguber, pemburuan, pengejaran.

ubi I 1. umbi atau akar (pd tumbuh-tumbuhan tertentu) yg biasanya boleh dimakan; **2.** sj tumbuhan yg menghasilkan umbi;

~ akas = ~ arak = ~ gadung sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dioscorea hispida*; *~ benggala* ubi kentang; *~ ciabet = ~ pasir = ~ sabut* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dioscorea pentaphylla*; *~ cina = ~ kastela = ~ kemili hutan* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dioscorea bulbifera*; *~ garut = ~ karut* sj tumbuhan (herba),

Maranta arundinacea; ~ jawa = ~ kelapa = ~ keledang = ~ kenduduk = ~ kipas = ~ manis = ~ menjangan = ~ merah = ~ nasi = ~ teropong = ~ tiang = ~ ular sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dioscorea alata*; ~ kayu = ~ jenderal = ~ perancis sj tumbuhan (pokok kecil), *Manihot utilissima*; ~ keladi ubi drpd beberapa jenis keladi; ~ keledak = ~ jalar = ~ jawa = ~ ketela = ~ rambat sj tumbuhan (pokok menjalar), *Impomoea batatas*; ~ kelonak sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dioscorea prainiana*; ~ kentang = ~ benggala = ~ gendang = ~ wolanda sj tumbuhan (pokok menjalar), *Solanum tuberosum*; ~ kembili = ~ kemili sj tumbuhan (herba), *Coleus tuberosus*; ~ sengkayang sj tumbuhan (pokok memanjat), *Pachyrrhizus erosus*; ~ torak sj tumbuhan (pokok memanjat), *Dioscorea esculenta*;

ada ~ ada talas, ada budi ada balas prb barang siapa berbuat sesuatu tentu akan mendapat balasannya; *lamun ada ~, tiada ~, gadung jadilah* prb jika tiada yg baik, yg kurang baik pun bergunalah;

ubi-ubian pelbagai jenis ubi spt keledak, keladi, kentang dsb: *makanan drpd kumpulan nasi, mi, bijirin, roti, pasta dan ~ sebenarnya berkalori rendah dan mengandungi sedikit lemak.*

ubi II 1. sj ikan laut, *Gobius giuris*; **2.** = ~ *bujuk* sj ikan darat, *Ophicephalus lucius*.

ubin 1. = *batu ~* sj batu (drpd simen dll) utk membuat lantai, jubin; **2.** sj daun terup yg besar, daiman;

berubin dibubuhi atau dipasang ubin: *lantai ~ lama memberi sentuhan klasik kpd ruang makan yg dihiasi perabot kayu.*

ubit ark; **mengubit-ubit** bergerak-gerak (bkn benda kecil-kecil, api pelita, dll).

ubrak; ~-abrik Jw; **mengubrak-abrik** menjadikan porak-peranda (kucar-kacir, tidak tersusun), menjadikan berantakan: *pd waktu Jepun, masyarakat diubrak-abrik, ekonomi kalang-kabut, dgn sendirinya fikiran orang pun tidak tenteram.*

ububan Jw sj alat utk menghembus api, hembusan, puputan.

ubun-ubun I **1.** bahagian kepala yg hampir dgn dahi (masih lembut dan nampak bergerak-gerak pd bayi), bubun-bubun; **2.** bahagian puncak kepala, mercu kepala.

ubun-ubun II sl pertapa perempuan.

ubur-ubur **1.** sj binatang laut yg badannya spt agar-agar dan berjurai-jurai (berjumbai-jumbai tepinya), ampai-ampai; *payung* ~ sj payung yg berumbai-umbai bahagian tepinya (tanda kebesaran raja-raja); **2.** Mn ark cukai yg dikenakan atas hasil laut (spt ikan, garam, dll).

ucah-acih Kl, Ph terhinggut-hinggut (orang berjalan dll), tergoyang-goyang.

ucang → **uncang I.**

ucap apa yg dilafazkan, bunyi lafaz, sebutan kata, ujar;

~ *jasa* kenyataan rasmi tentang jasa atau khidmat seseorang: *Encik Arthur Tanner, dr Royal College of Surgeons, Ireland, membaca ~ jasa dlm majlis itu*; ~ *selamat* kata-kata yg disampaikan sbg mendoakan supaya selamat (utk menyatakan tahniah); ~ *habis, niat sampai* prb hasil yg diperoleh (dicapai) dgn segera (dilaksanakan sesuatu selepas dikatakan);

berucap **1.** mengeluarkan kata-kata, berkata, bercakap di hadapan orang ramai; **2.** bersyarah, berpidato: *beliau akan tiba esok dan ~ dlm satu rapat raksasa di padang Istana Maziah*;

mengucap **1.** bp = ~ *dua kalimah syahadat* menyebutkan atau melafazkan dua kalimah syahadat (yg mengakui bahawasanya

tiada Tuhan yg sebenar-benarnya disembah melainkan Allah dan bahawasanya Nabi Muhammad ialah rasul Allah): *~lah Tok, ~lah, mudah-mudahan Tuhan melindungi kita*; **2.** = **mengucapkan** menyebutkan, melafazkan (kata-kata tertentu): *tiba-tiba datang seorang yg tidak dikenali dan ~ salam padanya; kotor spt babi, adalah satu perumpamaan yg diucapkan orang*; **3.** = **mengucapkan** menyebutkan sesuatu (kata, huruf, dll), melafazkan, melisankan: *kata ini diucapkannya dgn penuh perasaan*; **4.** = **mengucapkan** mengatakan sesuatu (ceramah, kata-kata, syarahan, dll), memberi syarahan: *seorang pelajar yg tertua tampil ke depan mengucapkan suatu pidato*; **5.** = **mengucapkan** melahirkan perasaan dll dgn kata-kata, menyatakan (bersyukur, terima kasih, turut bersedih, dll): *mereka datang ke tempat kami kerana mengucapkan selamat jalan dan terima kasih kerana khidmat kami di situ*;

mengucapi sl menyebutkan (melaungkan, memanggil) nama orang;

terucapkan dapat diucapkan;

ucapan 1. apa yg diucapkan, perkataan (kata-kata) yg diucapkan: *aku seolah-olah terpesona dgn segala ~nya itu*; **2.** cara menyebut sesuatu kata, lafaz, sebutan: *~ setiap kata haruslah jelas*; **3.** syarahan, pidato: *dia telah memberi suatu ~ pendek*; **4.** kata-kata yg mengandungi harapan supaya selamat (sejahtera dll), kata-kata yg menyatakan terima kasih dll: *Yang di-Pertuan Agong telah mengirim ~ selamat kpd Presiden India*; **5.** = *~ bahasa sj peribahasa, simpulan bahasa, ungkapan*;

pengucapan perihal mengucap (mengucapkan), kelahiran: *~ dua kalimah syahadah; kita terpaksa menerima hakikat bahawa puisi baru adalah ~ jiwa perseorangan penyairnya; ~ mantera sakti*;

pengucap orang yg berucap: *~nya benar-benar mengetahui apa yg dikehendaki.*

ucaptama ucapan penting yg mengandung sesuatu soal dasar atau perkara pokok yg disampaikan terutamanya oleh pemimpin atau tokoh dlm sesuatu persidangan, seminar dsb: *Perdana Menteri dijemput menyampaikan ~ dlm satu majlis jamuan tengah hari esok.*

ucek Jw ark; **mengucek, mengucekkan;** *~ mata menggosok-gosok mata.*

ucis bahagian peluru yg meletup kalau terhantuk, penggalak.

uci-uci Jw daging berbelulang pd kulit, ketuat.

ucok Mn ark berunding dgn damai, berbaik-baik, berdamai; *hendak ~ dilawan damai, hendak perang giling peluru* prb tidak menolak kehendak musuh atau lawan.

ucu ark bongsu.

ucul Jw tidak terikat (terkurung dll), lepas, bebas;

diucul dibebaskan, dilepaskan;

terucul sudah dibebaskan (dilepaskan).

ucus Jk usus.

uda I singkatan bagi muda: *pak ~; mak ~.*

uda II Mn kakak, abang, udo.

UDA akronim bagi *Urban Development Authority* (Perbadanan Pembangunan Bandar).

udah Jk sudah.

Udai □ → □ **Hudai.**

udak Jk; **mengudak** mengikut dr belakang, memburu, mengejar, menguber.

udam ark muram, suram: *sari merah yg sudah ~ coraknya.*

udang I sj binatang yg hidup di air (berkulit keras, berkaki sepuluh, dan berekor); jenis-jenisnya: ~ *galah*, ~ *geragau*, ~ *kara*, ~ *karang*, ~ *kertas*, ~ *laut*, ~ *laut lebar*, ~ *lubuk*, ~ *siar*, dll; ~ *kering* udang yg dikeringkan;

kepala ~ ki bodoh benar; *bongkok* ~ melengkung badannya spt udang; *keropok* ~ keropok yg dibuat drpd udang; *pulut* ~ sj makanan drpd pulut yg berintikan udang yg bercampur dgn kelapa yg diparut;

~ *hendak mengata(i) ikan* prb kesalahan orang lain tampak tetapi kesalahan sendiri tidak disadari; ~ *merentak dlm tangguk* prb orang yg tidak tetap laku dan kedudukannya; ~ *tak tahu dibongkoknya* prb orang yg tidak insaf dgn kekurangan diri sendiri; *bagai* ~ *dlm tangguk* prb a) menggeletek-geletek kerana kesukaan; b) dlm kesukaran; *bagai* ~ *tahi di kepala* prb banyak hutangnya; *banyak* ~ *banyak garamnya*, *banyak orang banyak ragamnya* prb kegemaran (kemahuan, fikiran, dll) tiap-tiap orang itu tidak sama;

berudang ada udang, terdapat udang; ~ *di balik batu* prb ada sesuatu yg tersembunyi drpd yg dilahirkan dgn mulut atau dgn perbuatan.

udang II; *burung* ~ sj burung, *Totanus spp.*; *burung raja* ~ sj burung a) *Alcedo atthis bengalensis*; b) *Alcedo meninting verreauxii*.

udani sj tumbuhan (pokok memanjat), akar dani, akar puntianak, (ara) dani, redani, selimpas, *Quisqualis indica*.

udap; **udap-udapan** sj makanan spt rojak atau gado-gado; □ → **kudap**.

udar I Jw ark terurai;

mengudar mengurai atau menguraikan (tali dll).

udar II Br mengikat tegang-tegang tali kapal (yg berlabuh).

udara **1.** campuran berbagai-bagai jenis gas yg terdapat di atas muka bumi, hawa: *oleh sebab kita sentiasa dikelilingi oleh ~ yg tiada dapat dilihat, dirasa, dan dicitum, maka kita selalu lupa tentang adanya ~ itu*; **2.** ruang yg di atas muka bumi yg berisi hawa, angkasa, awang-awang: *debu berterbangan di ~*; **3.** berkaitan dgn penerbangan atau pergerakan menerusi udara; *angkatan ~* pasukan tentera yg menggunakan kapal terbang; *kapal ~ = pesawat ~* Id kapal terbang; *pelabuhan ~* lapangan terbang; *pos ~* kiriman (surat, bungkusan, dsb) yg dibawa dgn kapal terbang; *tetuang ~* ark radio; **4.** keadaan hawa (cuaca, hari): *indah sungguh pantai petang ini, ~ pun nyaman*; **5.** ki keadaan di atau di sekitar sesuatu tempat dll, suasana: *hati manusia di seluruh dunia berdebar-debar apabila melihatkan gelagat ~ buruk di seluruh benua Eropah*;

mengudarakan memberi (memasukkan) udara;

pengudaraan perihal menggantikan udara lain.

udarakasa ark lapisan udara yg meliputi bumi, atmosfera.

udat sj tumbuhan (pokok), api-api daun lebar (ludat, putih), ludat, *Avicennia officinalis*.

udeh (udéh) Jk sudah.

udek Jw **mengudek** mengacau (gulai dll), mengaduk.

udeng = **udeng-udeng** Jk sj ikat kepala, serban, ubel-ubel.

udet Jw sj kain pengikat pinggang, bengkung, sabuk.

udi Mn sial, malang.

udik **1.** kawasan (daerah) hulu sungai, bahagian hulu sungai; **2.** kampung, desa, dusun, lwn kota: *kampung kami di ~ sekali, jauh dr kota*; **3.** ki tidak tahu adat, tidak sopan santun, tolol; *orang ~* a) orang dr hulu (kampung, dusun); b) orang yg tidak tahu adat, orang bodoh;

keudikan ki perihal udik, kebodohan, kedusunan, kekampungan:
puterinya cepat mengerti ~ pandangan sang bapak.

udo Mn kakak; □ → **uda II**.

udu I musuh, seteru;

berudu bermusuhan, berseteru.

udu II □ → **wuduk I**.

uduh I hodoh.

uduh II sj tangkal atau azimat yg menghalang pencuri masuk ke kebun dll.

uduk I → **wuduk I**.

uduk II Jk; *nasi* ~ nasi yg ditanak dgn santan, nasi lemak; □ → **wuduk II**.

udulan sj tumbuhan (herba), rumput butang, rumput teki, teki rawa,
Kyllinga monocephala.

udul-udulan udulan.

udut; mengudut menghisap rokok (candu dll): *sambil ~ rokok, Kalisang meneruskan ceritanya;*

pengudut 1. penghisap rokok, pematik; 2. = **udutan** sj paip utk menghisap candu.

UFO kep *unidentified flying object* (objek terbang yg tidak dapat dikenal pasti dan kononnya datang dr planet lain).

ufti persembahan (wang, emas, dll) yg wajib dibayar kpd raja atau negara yg berkuasa (menaklukkan): *maka segala negeri takluk pd tanah Melaka itu pun sekaliannya memberi ~ kpd Melaka pd tiap-tiap tahun.*

ufuk Ar kaki langit: *apabila matahari terbenam di ~ barat, maka gelap gelitalah alam ini;*

mengufuk melintang rata, mendatar, lwn menegak.

ugah Kl berubah (rupa dll).

ugahari sl sederhana, sedang, pertengahan: *angin paksa pun turunlah dgn ~ kencangnya; gahari.*

ugal-ugalan Jw berkelakuan tidak senonoh (tidak sopan), kurang ajar.

ugam Sr; **berugam** melihat ketika (sebelum melangsungkan perkahwinan).

ugama □ → □ **agama.**

ugem Jw; **mengugemi** berpegang teguh pd (kata-kata dll).

ugeran Jw peraturan, kaedah, norma.

ugut; mengugut menakut-nakutkan (supaya melakukan atau mematuhi sesuatu), mengancam: *kami datang ini kerana kewajiban, bukan ~, bukan menakut-nakutkan kakak;*

ugut-mengugut saling mengugut antara satu sama lain: *pihak yg berbalah sering ~ utk mempertahankan kebenaran masing-masing;*

ugutan kata-kata dsb yg bertujuan utk menakut-nakutkan (supaya melakukan atau mematuhi sesuatu), ancaman: *jangan-jangan ini surat ~;*

pengugut orang yg mengugut, pengancam.

UI kep Universitas Indonesia.

UIAM kep Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

uik; menguik, menguik-uik mengeluarkan bunyi “wek wek” spt itik dll.

uir-uir sj serangga spt belalang atau cengkerik yg berbunyi nyaring (suka hinggap di pokok-pokok kayu); ~ *minta getah* prb a) mencari-cari; b) perempuan yg suka menarik perhatian laki-laki.

uis; menguis-uis ark mengais-ngais; □ → □ **kuis.**

uit; menguit menggerakkan sedikit (dr tempat asalnya), mencungkil, mengumpul;

teruit dapat diubah (digerakkan dsb); *tidak ~ hatinya* tidak dapat diubah hatinya.

UiTM kep Universiti Teknologi Mara (dahulunya Institut Teknologi Mara).

uja; menguja 1. menaikkan semangat (ayam dll) supaya menyerang lawan, memberangsangkan, menggalakkan: *maka Awang Sulung pun menurunkan pertaruhannya dan ayam pun lalu diujanya*; 2. ki membangkitkan hati orang supaya marah dll, memberangsangkan, memberanikan, menghasut; *sungguh diuja, dipegang ekor* prb walaupun diberi kebebasan tetapi ada juga hadnya;

teruja timbul minat (keinginan dsb) yg kuat terhadap sesuatu, naik semangat, terangsang: “*Saya berasa seronok dan ~,*” kata seorang pemuda yg menyertai tunjuk perasaan itu;

keterujaan perihal (keadaan, sifat dsb) teruja: *program yg bermanfaat itu mewujudkan ~ di kalangan remaja supaya mereka mahu menyertainya*; **oja**.

ujan bp hujan.

ujana I ark sl□ → **yojana**.

ujana II sl taman.

ujang panggilan anak laki-laki;□ → □**bujang I**.

ujar 1. apa yg diucapkan, kata, perkataan: *bersinar matanya ketika mendengar ~ drebar itu*; 2. = **ujar-ujar, ujar-ujaran** Jk segala ajaran dan nasihat yg diwarisi (drpd nenek moyang dll), pepatah, peribahasa: *kata-kata yg dipakai dlm karangannya merupakan ujar-ujaran orang-orang pandai Islam, hadis Nabi, dan Quran*;

mengujarkan mengatakan, mengucapkan, menuturkan, menyebutkan;

ujaran sesuatu yg diucapkan atau disebutkan (mis perkataan): *bunyi-bunyi ini tidak boleh dihubungkan dgn sebarang ~; alat ~*

alat atau bahagian dlm rongga mulut dan kerongkong yg dapat menyebutkan perkataan atau mengeluarkan bunyi;

pengujaran perbuatan mengujarkan sesuatu, pengucapan, pengungkapan: *bahasa sbg lambang cetusan rasa dan alat ~ idea.*

uji percubaan utk menentukan buruk baiknya (betul tidaknya, murni tidaknya, dll);

bahan ~ bahan kimia yg digunakan utk menguji; *batu* ~ sj batu yg digunakan utk mengetahui mutu emas; *tabung* ~ sj alat atau bekas drpd kaca yg digunakan dlm makmal (utk melakukan percubaan kimia dll); *tahan* ~ (akan) terbukti atau ternyata keasliannya (kebaikannya dll kalau dicuba atau diperiksa), terjamin;

beruji mengadakan percubaan utk menentukan mana yg lebih baik (handal, kuat, dll), mengadu kekuatan (kepandaian dll);

menguji **1.** memeriksa mutu emas dgn menggunakan batu uji; **2.** memeriksa sesuatu utk mengetahui keadaannya yg sebenar (kekuatannya, kebaikannya, dll): *dia mengambil lading pusaka itu serta ~-uji ketajaman matanya dgn belakang kuku; dia benar-benar hendak ~ cakap saya;* **3.** menduga kepandaian (kecekapan, kecerdasan, dll), memeriksa (supaya mengetahui sesuatu), menduga (perasaan seseorang dll): *memberikan markah itu hanya berguna kalau guru hendak ~ kanak-kanak dlm sesuatu perkara; akhbar-akhbar ini banyak ~ perasaan para pembaca melalui liputan yg agak berani; diuji sama merah, ditahil (dikati) sama berat prb sudah sepadan benar (suami isteri);*

teruji (telah) diuji utk mengetahui kemampuannya dsb: *pemain-pemain muda yg belum begitu ~;*

ujian **1.** pemeriksaan utk mengetahui buruk baiknya (keasliannya dll); **2.** percubaan utk memeriksa (mengetahui, memastikan, dsb) sesuatu hal dll (dlm bidang sains dll): *membuat suatu ~ supaya*

gas dapat dilihat; **3.** pemeriksaan utk mengetahui kebijakan (kecerdikan dll), peperiksaan: *apabila dia lulus dlm ~ yg berat itu, barulah dia boleh mengharapkan apa yg dikehendaknya*; **4.** sesuatu yg dilakukan utk mencuba atau menduga kesungguhan (kebenaran, kesetiaan, dll), cubaan: ~ *kesetiaan*; **5.** yg digunakan utk atau ketika menguji; *bahan* ~ Id soalan utk peperiksaan; *batu* ~ batu uji;

~ *darah* analisis sesuatu sampel darah sbg diagnosis (penyakit), utk menentukan kumpulan darah, paras alkohol dsb; ~ *iodin* (Bio) ujian utk mengesan kewujudan kanji pd sesuatu, mis pd daun; ~ *kimia* pemeriksaan dgn menggunakan bahan kimia dan kaedah tertentu (biasanya di makmal); ~ *lisan* ujian yg berupa tanya jawab secara lisan (tidak bertulis); ~ *masuk* Id peperiksaan utk masuk ke sekolah lanjutan dll; ~ *nuklear* percubaan meledakkan bom nuklear; ~ *nyala* (Kim) ujian utk menentukan jenis garam melalui warna nyala yg dilihat apabila garam tersebut dibakar (mis garam kalium menghasilkan warna ungu lembut, natrium warna kuning, dll); ~ *tertulis* Id peperiksaan bertulis;

keujian 1. Mn telah diketahui (kejahatannya dll), kelihatan, ketahuan;

sekali lancung ~, *seumur hidup orang tak percaya* prb sekali ketahuan perangai yg tidak baik, selama-lamanya orang tidak percaya; **2.** sl gagal dlm sesuatu ujian, mendapat kekalahan dlm pertandingan dll: *maka sangatlah sukacita baginda mendengarkan serta memuji-muji kepandaian dan kebijaksanaan ahli nujum Pak Belalang itu, belum pernah ~ lagi, yakni tiada mendapat malu olehnya*;

pengujian perihal menguji, pemeriksaan;

penguji 1. orang yg menguji, pemeriksa; 2. alat utk menguji; 3. sesuatu yg menguji: *hijrah adalah ~ iman yg sebenar.*

uji bakat proses pemilihan calon dgn melihat dan menilai kebolehannya atau bakatnya dlm bidang seni (lakonan, nyanyian, penyiaran dsb): *pihaknya akan menjalankan sesi ~ utk memilih pelakon baru bagi menjayakan drama itu;*

menguji bakat melakukan uji bakat (biasanya ke atas bakal pelakon, penyanyi dsb): *P. Ramlee ~ pelakon baru utk watak Marjina dlm filem Ali Baba Bujang Lapuk.*

uji kaji ujian atau penyelidikan utk mengetahui atau memastikan sesuatu percubaan, eksperimen: *~ sains;*

menguji kaji melakukan uji kaji, mengeksperimenkan;

pengujikajian proses menguji kaji;

penguji kaji orang yg melakukan uji kaji.

ujrah, ujrak Ar (wang) upah, gaji, sewa.

uju Mn pongah, sombong.

ujub Ar kagum terhadap diri sendiri, angkuh, bongkak, ego: *ikhlas akan tumbuh dan meruncup, menghilangkan perasaan ~.*

ujud Mn yg dikehendaki, maksud, tujuan: *ada saja alasannya utk ke pekan, dgn ~ utk memperlihatkan baju baru guntingan moden pd tetangga;*

berujud mengandungi maksud (tujuan), bermaksud, bertujuan;

mengujud, mengujudkan memaksudkan, menghendaki.

ujul; *akar getah ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar garuk, akar getah gaharu (jela, menjawa), Willughbeia coriacea.*

ujung bp hujung.

ujur □ → □ **uzur**.

ukas sj siput.

ukhrawi Ar berkaitan dgn akhirat: *jangkauan Islam itu ialah kehidupan lahir dan batin, duniawi dan ~.*

ukhuwah Ar persaudaraan: *mereka bekerja seolah-olah dlm satu keluarga besar, sentiasa bertolak ansur dan menjalin tali ~ antara satu dgn yg lain; ~ Islamiah persaudaraan dlm Islam.*

ukik sj permainan kanak-kanak dgn buah keras atau duit syiling.

ukir lukisan yg dibuat dgn memahat (menggores, menoreh, dll) pd barang-barang perhiasan dll;

~ *benam* lukisan tenggelam (pd barang-barang perhiasan dll); ~ *kencana* lukisan pd barang emas; *seni* ~ seni membuat gambar dll dgn pahat, seni pahat; *tukang (juru, pandai)* ~ orang yg pandai membuat (membentuk dll) sesuatu dgn pahat;

berukir **1.** berhiaskan lukisan-lukisan dll yg dibuat dgn cara memahat (menggores, menoreh, dll): *kerusi yg ~*; **2.** bergambar pd kulit tubuh dll (digores-gores dan diwarnai), bercacah; *mukanya ~ mukanya bercacah*;

mengukir **1.** membuat lukisan dll dgn cara memahat (menggores, menoreh, dll): *dia asyik menarah dan ~ papan cengal tebal*; **2.** ki membentuk (senyuman), memperlihatkan, menampakkan (senyum dll): *mulutnya ~ senyuman*;

ukir-mengukir perbuatan (kerja dsb) mengukir;

mengukirkan **1.** melukiskan sesuatu dgn memahat (menggores, menoreh, dll), melukiskan dgn mengukir: *dia sedang ~ lambang negara pd pintu besar bangunan itu*; **2.** menggambarkan sesuatu (peristiwa dsb) dgn indah: *sejarah telah ~ kisah-kisah penting apabila masyarakat Islam mula dibangunkan di Madinah*; **3.** ki melekatkan (menyimpan) dlm hati: *kenang-kenangan manis itu akan diukirkan dlm hati*;

terukir 1. sudah diukirkan: *gambar pagoda Siam ~ di situ*; **2.** ki terbentuk, nampak, terdapat: *di mukanya ~ senyum lebar menyambut kedatangan Mak Siti*;

ukiran 1. = **ukir-ukiran** sesuatu yg telah diukirkan, lukisan dll yg terukir: *bangunan itu agak muram, dihiasi dgn ~ timbul yg tidak teratur letaknya*; **2.** hasil drpd mengukir, cara mengukir: *bangsa Melayu mempunyai keseniannya sendiri spt ghazal, dondang sayang, barang-barang ~ emas, perak, tembaga, dan kayu*;

pengukiran perihal (perbuatan, kerja, dsb) mengukir;

pengukir 1. orang yg mengukir, juruukir; **2.** alat yg digunakan utk mengukir (pahat dll).

UKM kep Universiti Kebangsaan Malaysia.

uktab Ar burung rajawali.

ukulele (ukulélé) sj alat muzik kecil bertali empat yg rupanya spt gitar dan popular di Hawaii.

ukup 1. barang-barang harum (spt kemenyan, setanggi, dll) yg dibakar utk mengasapi pakaian supaya berbau harum; **2.** Jk membakar kemenyan (setanggi dll); **3.** ark bunga-bunga (spt melati, mawar, dll) yg digunakan utk mengharumkan teh; **4.** bau-bauan yg wangi; *air ~ air wangi* (utk mengharumkan pakaian): *minyak ~ minyak wangi*;

berukup 1. mengasapi diri dgn asap kemenyan (setanggi dll) yg dibakar; **2.** sudah diukup dgn asap kemenyan (setanggi dll);

mengukup, mengukupi mengasapi pakaian dll dgn asap kemenyan (setanggi dll), mendupai: *Ampu Jatmaka memerintah supaya berhala gangsa itu dilulur, diukup, dan dihias*;

ukupan 1. barang-barang yg wangi (spt kemenyan, setanggi, dll) utk mengukup; **2.** = **perupakan** bekas tempat membakar ukup, ceraka, pedupaan; **3.** = **pengukup** sj sungkup drpd rotan dll tempat

meletakkan pakaian yg hendak diukup (di bawah sungkup itu diletakkan pedupaan).

ukur 1. alat yg digunakan utk menyukat (utk mengetahui panjang, lebar, dsb sesuatu), sukat (dlm kata majmuk); *ilmu* ~ pengetahuan bkn sukat-menyukat tanah dll; *pita* ~ pita yg digunakan utk menyukat (utk mengetahui panjang, lebar, dsb sesuatu); **2.** Mn layak, padan, patut; ~ *mata dgn telinga* ki menurut apa yg didengar dan dilihat; ~ *alit* sl aturan, tindakan; ~ *jangka* jangka waktu yg tertentu; ~ *tanah* menyukat tanah (utk menentukan atau mengetahui panjangnya, luasnya, dsb);

tukang ~ *jalan* ki orang yg kerjanya berjalan-jalan sahaja dgn tidak menentu;

seukur 1. sama besarnya; **2.** Mn secocok, sepadan; *telah* ~ a) sepadan dgn; b) sama dgn; c) sepatutnya, selayaknya; d) sefaham (dgn), seia sekata;

~ *berbaur, bertopang bercerai* prb jika sekata tentu bercampur (bersatu) dan jika berlainan pendapat (fikiran) tentu bercerai;

mengukur 1. mencari luas (besar, lebar, dll) sesuatu dgn menggunakan alat-alat, menyukat: *maka sebentar-sebentar diukurnya bayang-bayang itu*; **2.** ki menilai dgn membandingkannya dgn yg lain, mencuba, menguji, memeriksa: *dr jalan rayalah dapat dipandang gelagat lelaki dan dapat diukur perangai lelaki; mak tidak harus ~ segala-galanya drpd pandangan diri mak sahaja*; ~ *jalan* ki berjalan mundar-mandir di jalan raya;

ukur baju di badan sendiri prb tiap-tiap pekerjaan itu hendaklah dipilih sesuai dgn kebolehan kita;

ukuran 1. alat yg digunakan utk mengukur (spt kayu skala, pita, dll); **2.** satuan atau unit kiraan utk mengukur (menyukat), sukatan:

berapa panjang jalan itu dlm ~ kilometer? 3. hasil drpd mengukur, perolehan drpd mengukur; 4. besarnya (panjangnya, lebarnya, dll), saiz: kasut ~ besar; 5. ki sesuatu yg digunakan sbg bandingan (pegangan, nilai, dll): sastera lama tidak boleh dan tidak dapat dinilai dgn ~-~ moden;

pengukuran perihal (perbuatan, kerja, dsb) mengukur, penyukatan: *~ bagi agama-agama ini mestilah menggunakan kayu ukur yg sama;*

pengukur 1. orang yg kerjanya mengukur, juruukur, tukang sukut;
2. alat yg digunakan utk mengukur atau menyukat (spt kayu skala dll).

ulak Jk; **mengulak** melumatkan cabai (lada) dgn lesung batu.

ulak-ulak; *~ pinggang* lekuk (keluk) di atas pinggang.

ulam I 1. daun-daunan atau buah-buahan mentah (spt daun pegaga, petai, dll) yg dimakan dgn nasi, lalap: *kami di rumah makan ~ pucuk janggus dgn sambal belacan; 2. = ulam-ulam, ulaman* ki perempuan simpanan, gundik;

~ mencari sambal prb perempuan mencari (mendatangi) lelaki;
hendak ~ pucuk menjulai, = pucuk dicita ~ tiba prb yg diperoleh lebih baik drpd yg dikehendaki;

ulam-ulaman berbagai-bagai jenis ulam: *~ spt pucuk paku, pucuk gajus, pucuk ubi kayu, dan pegaga sering terdapat di restoran itu;*

berulam makan nasi dgn ulam: *saya suka makan ~; makan ~* ki sudah beristeri;

berulamkan memakan sesuatu sbg ulam: *kamu makan tengah hari tadi ~ apa?*

ulam II; *~ raja* sj tumbuhan (herba yg daunnya dibuat ulam), *Cosmos caudatus.*

ulama orang yg ahli (pakar) dlm pengetahuan agama Islam: *Imam Abu Hanafiah ialah seorang ~ Islam yg terkenal;*

mengulamakan menjadikan seseorang (golongan) ulama: ~ intelektual; → **alim I.**

ulan; ~ *bukit* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Lettsomia peguensis*; ~ *gajah* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Lettsomia maingayi*; ~ *jantan* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Erycibe princei*; ~ *pelanduk* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Merremia hederacea*; ~ *putih* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Aniseia martinicensis*; ~ *raya* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Merremia vitifolia*; ~ *susu* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Pueraria phaseoloides*; ~ *tapak pelanduk* sj tumbuhan (pokok memanjat), *Merremia umbellata*.

Ulanda ark Belanda.

ulang balik pula, kembali dr permulaan, kembali semula; *cetak* ~ cetak kembali, cetak sekali lagi;

~*-aling* a) bolak-balik, mundar-mandir, ulang-alik; b) tidak tetap letaknya (perahu dipukul gelombang dll), terumbang-ambing; ~ *bicara* pembicaraan yg diadakan sekali lagi (di mahkamah yg lain); ~ *tahun* a) hari jadi (lahir); b) hari perayaan (tiap-tiap tahun) utk menyambut kemerdekaan negara (sesuatu peristiwa penting);

seulang sekali (lagi); ~ *tayang* tayangan atau pertunjukan (filem di TV dsb) yg diulang;

ulang-ulang sj hiasan sanggul (drpd rangkaian bunga);

berulang 1. kembali (ke), pulang (ke): *kami selalu juga ~ ke mari kerana ayahanda bonda ada lagi*; **2.** dilakukan dll sekali lagi, berlaku (terjadi) lagi: *kita tidak mahu tuduhan itu ~ lagi*; ~ *kali* kerap kali, berkali-kali; ~ *kata* selalu mengatakan apa-apa yg telah dikatakan; ~ *kembali* berlaku (terjadi dll) lagi; ~ *tahun* merayakan hari ulang tahun;

berulang-ulang 1. selalu pergi balik (ulang-alik, mundar-mandir): *sahaya ~ ke rumahnya meminta wang itu*; **2.** kerap kali atau berkali-kali melakukan sesuatu, beberapa kali: *lagu yg baru dipelajari hendaklah dimainkan ~ supaya kanak-kanak betul-betul tahu akan lagu itu*;

mengulang 1. melakukan sesuatu sekali lagi, berbuat lagi (apa yg telah dilakukan): *yg salah dihukum supaya ia tidak akan ~ kesalahannya*; **2.** mempelajari kembali apa-apa yg telah diajarkan, menghafal pelajaran: *tolong perhatikan supaya anak-anak ~ pelajaran mereka di rumah*; **3.** pergi mendapatkan, mendatangi: *terpaksalah datuk ~ isterinya yg baru itu beberapa kali dlm seminggu*;

~ *jejak* a) kembali melakukan apa-apa yg telah dilakukan dahulu, berbalik mengerjakan yg dahulu-dahulu; b) berbalik kpd isterinya yg dahulu, rujuk kembali; ~ *tayang* menayangkan (filem di TV dsb) buat kali kedua (ketiga dsb);

mengulangi 1. = **mengulang-ulang, mengulang-ulangi** selalu benar melakukan (sesuatu), kerap kali mengulang: *dia ~ pertanyaannya yg masih belum berjawab*; **2.** = **mengulang-ulangi** selalu pergi ke (utk menengok, menziarah, dll), kerap kali mendatangi: *sejak dia menanam*

tebu, pegawai-pegawai pertanian selalu ~ ladangnya; **3.** mempelajari kembali (apa-apa yg telah diajarkan), menghafal kembali (pelajaran): *setelah makan malam, aku duduk di meja kerja ~ pelajaran sekolah*;

terulang sudah diulang(i), kembali (terjadi) lagi;

ulangan 1. sesuatu yg dilakukan lagi, sesuatu yg berlaku berkali-kali, sesuatu yg diulang (diulangi): *dlm bait syair ini, penyair mem buat permainan suara yg berupa ~ suara 'ut'*; **2.** Id sj ujian utk

mengetahui sejauh mana murid-murid dapat mengikuti pelajaran yg sudah-sudah; ~ *umum* ujian bkn semua mata pelajaran; **3.** perbuatan datang lagi kpd, perbuatan mengulangi: *dia terus-menerus juga mengulangi gadis itu dan setiap ~nya mendapat sambutan yg memuaskan*; **4.** yg diulangi, yg dilakukan (disiarkan dll) utk kali keduanya dan seterusnya: *latihan ~ ; siaran ~ Puspawarna*;

keberulangan keadaan berulang;

perulangan 1. perihal berulang (berulang-ulang); **2.** (sesuatu) yg berulang atau diulang-ulangi: *satu contoh ialah penggunaan ~*;

pengulangan perihal (perbuatan dsb) mengulang (mengulangi): *ada satu lagi jenis kata ulang iaitu kata-kata yg dlm ~nya mengalami pergantian bunyi vokal atau bunyi konsonan; ~ kesalahan demikian tidak dapat dibiarkan begitu saja*;

pengulang 1. orang yg mengulang (mengulangi); **2.** Id orang yg membantu memberi pelajaran kpd mahasiswa di luar kuliah.

ulang-alik kerap kali (berkali-kali) pergi dan balik, bolak-balik, mundar-mandir: *empat kali Pak Pandir dgn Mak Andeh berangkat ~, baharulah habis semuanya*;

berulang-alik berpergian dan kembali pula (berkali-kali), pergi (ke sesuatu tempat) dan balik, berulang: *aku tahu perahu besar di Kuala Terengganu itu bukan sahaja ~ ke Pahang, tetapi juga ke Siam*;

pengulang-alik (Kej) peranti elektrik yg menukarkan kuasa mekanik kpd kuasa elektrik dan membekalkan arus ulang-alik.

ulang kaji kajian semula (kembali);

mengulang kaji 1. mengulangi kajian, mengkaji semula, mempelajari kembali: *kamu hendaklah ~ pelajaran kamu dgn memakai buku-buku panduan yg lain*; **2.** ki meneliti kembali,

memeriksa kembali: *kedua-duanya telah ~ perhubungan antara kedua-dua buah negeri; ~ dasar luar negara.*

ulap-ulap I sj pengat keladi (pisang) dgn santan.

ulap-ulap II 1. Jk melambai-lambaikan tangan utk memanggil dll; **2.** Jw meletakkan tangan pd paras kening mata spt hendak melihat jauh (gerak-geri dlm tarian dll).

ular I sj binatang menjalar yg tidak berkaki dan kulitnya bersisik (ada yg berbisa dan ada yg tidak);

~ belerang sj ular laut yg berbisa, Pelamis platurus; ~ cincin emas sj ular, Boiga dendrophila; ~ cindai sl sj ular; ~ kapak bakau sj ular, Trimeresurus purpureomaculatus; ~ katam tebu sj ular, Bungarus fasciatus; ~ kepala aruan sj ular, Xenopeltis unicolor; ~ kepala dua a) sj ular, Cyliodactylus rufus; b) ki orang yg munafik; ~ lidi = ~ tambang sj ular yg kecil dan berbisa, Ahaetulla ahaetulla; ~ matahari sj ular, Masticophis intestinalis; ~ minum = ~ mengiang Mn = ~ danu Kd pelangi; ~ sawa sj ular, Python reticulatus; ~ selimpat = ~ laut biasa sj ular, Enhydryna schistosa; ~ sinar matahari = ~ matahari biru sj ular, Masticophis bivirgata; ~ tedung sj ular, Naja naja; ~ tedung abu (selar) sj ular, Ophiophagus hannah;

*~ bukan, ikan pun bukan prb seseorang yg tidak dapat ditentukan jahat atau baiknya; ~ kepala dua = sekerat ~ sekerat belut prb orang yg tidak teguh memegang kata-katanya (selalu berubah-ubah pendirian dsb), orang yg munafik; ~ dipukul jangan mati, kayu pemukul jangan patah, tanah dipala jangan lembang = spt memalu ~ dlm benih, ~ jangan mati, benih jangan rosak prb menyelesaikan sesuatu perkara (menghukum atau memperdamaikan orang) hendaklah dgn seadil-adilnya; *bagai ~ dgn legundi* prb perihal seseorang muda yg sangat lekat hatinya pd*

kekasihnya; *bagai* ~ *dgn orang* prb perihal dua orang bersaudara yg tiada mahu berkenalan; *biar* ~ *mati dan kayu tiada patah* prb binasakanlah musuh dgn tidak merosakkan diri sendiri; *jika* ~ *menyusur akar, tiada akan hilang bisanya* prb orang besar dan mulia itu, tidak hilang martabatnya jika dia merendahkan diri sekalipun; *kerosok* ~ *si rumpun bambu* prb jangan takut akan ancaman orang; *macam* ~ *kekenyangan* prb perihal seseorang yg buncit perutnya dan kerana itu jalannya tidak betul; *melangkahi* ~ prb melakukan sesuatu yg sangat berbahaya; *naga ditelan* ~ *lidi* prb anak orang bangsawan berkahwin dgn orang kebanyakan; *spt* ~ *kena palu = cengkeling* *bagai* ~ *dipukul* prb a) geliang-geliut kerana kesakitan dan marah; b) bengkok-bengkok tidak beraturan (spt jalan atau jahitan yg tidak lurus); *sudah tampak kaki* ~ prb telah diketahui tingkah laku seseorang yg buruk (yg dahulunya tidak diketahui);

ular-ular 1. = **ularan** sj pembuluh drpd getah, salur getah, hos; **2.** carik kain (kertas, sutera) yg panjang-panjang;

mengular 1. = **mengular-ular** bengkok-bengkok (bkn keadaan jalan dsb): *ada jalan yg ~-ular tetapi kemudiannya lurus spt jalan ke kampung saya*; **2.** ki bersikap malas, suka ponteng kerja dsb: *ada segelintir pekerja yg suka ~.*

ular II; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), *Freycinetia angustifolia*; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), *Strychnos ligustrina*; *paku* ~ sj tumbuhan (pakis), *Pleopeltis phymatodes*;

ular-ularan sj tumbuhan (pokok memanjat), *Tinospora coriacea*.

ular-ularan Mn kejang atau tegang (urat betis dll).

ulas I 1. kain yg dijadikan sampul, sarung (bantal, tilam, dll), kelubung: *beberapa jenis kain ~ tiang yg indah-indah*; **2.** kulit buah (biji dll):

pd masa padi itu direndam dan diwapkan, setengah drpd vitamin B1 yg mudah larut itu serap masuk ke dlm ~ beras;

berulas ada ulasnya, bersarung (bantal dll), bersampul;

mengulas, mengulasi memberi bersarung (bersampul), menyampul, menyaluti;

ulasan sarung (bantal dll), sampul.

ulas II 1. isi buah, biasanya berbiji, yg bergugus-gugus dan boleh dipisah-pisahkan, mis buah durian, nangka, manggis, limau dan langsung: *setiap pangsa durian itu biasanya mengandungi dua atau tiga ~ sahaja isinya;* **2.** penjodoh bilangan utk bahagian buah yg berbiji dll: *lalu dipinta se~ nangka pd penghulu istana itu; beberapa ~ bawang;*

limau masak se~ prb kepandaian yg melebihi kepandaian saudara-saudaranya yg lain;

berulas berbentuk atau menyerupai ulas: *isi buahnya putih, ~, lembut dan manis;*

berulas-ulas timbul ketul-ketul yg menyerupai ulas (bkn otot badan dsb): *daging pd bahagian lengannya kelihatan ~; badannya ~ kerana mengamalkan sukan angkat berat.*

ulas III; *juru~* orang yg menghuraikan (mengupas) sesuatu, jurutafsir;

mengulas memberi tafsiran (penerangan lanjut, pendapat, dll) tentang sesuatu, mengupas, mentafsir: *majalah itu telah ~ filem 'Penarik Beca' sbg filem yg terbaik dlm tahun 1955;*

ulasan huraian tentang sesuatu, kupasan, tafsiran;

~ buku kupasan isi sesebuah buku (oleh pengkritik buku); *~ selari* huraian yg dibuat ketika sesuatu kejadian (upacara, pertandingan, dll) sedang berlangsung;

pengulasan perbuatan mengulas: *~ dan penjelasan tentang karya sastera;*

pengulas orang yg mengulas, juruulas.

ulas IV Mn penghubung, sambung, sambungan;

berulas ada ulasnya, bersambung, bersambungan; *tangannya* ~ ki ada yg membantu atau menolong;

mengulas menjadikan berulas, menyambung, melanjutkan, memanjangkan: *singkat diulas, panjang dikerat*; ~ *kayu* menyambung kayu (supaya menjadi panjang); ~ *tali* menyambung tali;

~ *bicara* ki terus berbicara; *tanganku diulas olehnya* ki aku dibantu (ditolong) olehnya;

ulasan sesuatu yg diulas, lanjutan, sambungan; ~ *lidah* ki orang yg jadi perantara utk menyampaikan pesan orang dll, jurubicara;

perulasan tempat pertemuan sesuatu yg disambung.

ulas tangan 1. ki pembantu dlm sesuatu hal; **2.** ki kakitangan, pekerja;

berulas tangan ki ada yg membantu (menolong), mempunyai pembantu; ~ *dan lidah* ki mendapat bantuan tenaga dan tunjuk ajar;

mengulas tangan ki memberi pertolongan kpd, membantu, menolong.

ulat I 1. sj binatang kecil yg umumnya lembut dan banyak kakinya (akan menjelma menjadi kepompong dan seterusnya kupu-kupu); **2.** segala macam anak serangga yg masih lembut badannya (spt berenga, lundi, dll); *macam* ~ ki terlalu banyak (bkn orang yg berhimpun di sesuatu tempat dsb); **3.** (Komp) sj atur cara yg memadamkan data drpd ingatan komputer secara perlahan-lahan; ~ *bulu* a) ulat yg berbulu badannya; b) orang (lelaki) yg gatal; ~ *bulu laut* sj ulat yg digunakan utk racun, *Chloeria flava*; ~ *daun* sj ulat yg memakan daun-daunan; ~ *gading* = ~ *layar* sj ulat yg merosakkan batang padi; ~ *kecar lotong* sj ulat, *Atopos maximus*;

~ *ratus* sj ulat yg memakan daun dan batang padi, *Spodoptera spp.*; ~ *sutera* sj ulat yg mengeluarkan benang utk dijadikan sutera, *Bombyx mori*;

bagai ~ *nangka terhempas ke batu* prb orang yg jahat itu tidak berasa serik oleh kesusahan drpd kejahatannya; *bagai melihat* ~ prb sangat benci (meluat) melihat sesuatu; *korek lubang* ~ prb sengaja mencari perselisihan; *menggeletik-geletik bagai ~ nangka* = *menggeletik-geletik bagai ~ cempedak* = *terloncat-loncat bagai ~ pinang* prb a) orang yg gelisah; b) perangai yg tidak tetap dan tidak sungguh ketika duduk (berjalan); c) anak gadis yg lincah perangnya;

berulat ada ulat(nya), buruk (rosak) kerana dimakan ulat: *buah yg manis itu acapkali ~*; ~ *mata melihat* prb sangat benci atau meluat melihat sesuatu.

ulat II → □ **ulet**.

ula-ula ark secarik sutera (kertas dll) yg panjang, ular-ular.

ulayah, ulayat ark daerah, kawasan (yg sudah dimiliki); *tanah ~ tanah* yg sudah tentu pemiliknya tetapi belum dikerjakan; □ → □ **wilayah**.

ulekan Jk air berpusing, pusaran (kisaran) air; □ → □ **olak I**.

ulem Jw; **mengulemi** menjemput, mengundang;

uleman jemputan, undangan.

ules Jk; **mengules** menumbuk dll hingga lumat, melumatkan, menghancurkan.

ulet 1. tidak mudah patah (putus, pecah), tidak getas, kuat, liat: *tali ini kurang ~*; **2.** ki berusaha dgn giat dan tabah utk mencapai sesuatu: *mereka sangat ~ dlm berniaga*;

keuletan 1. ketabahan hati (dlm menghadapi sesuatu), kecekalan; **2.** usaha yg giat, kecekapan, kegiatan (yg bersungguh-sungguh).

uli I sj kueh yg dibuat drpd beras pulut;

beruli (sudah) diramas-ramas dan ditekan-tekan (adunan roti, kueh, dll) dgn tangan utk menyebatkannya: *dia menarik mangkuk tepung yg sudah ~ ke hadapannya;*

menguli meramas-ramas dan menekan-nekan (adunan roti, kueh, dsb) dgn tangan utk menyebatkannya: *tepung itu dicampur dgn air dan diuli sehingga lembut;*

ulian sesuatu yg diuli;

pengulian perbuatan (proses atau kerja) menguli: *dgn adanya mesin baru, kini ~ tepung dapat dibuat dgn cepat, banyak dan bersih;*

penguli 1. orang yg (kerjanya) menguli: *dua ~ roti, Mahmud dan Muhamad;* **2.** alat utk menguli: *pengeluaran roti dan kek syarikatnya telah meningkat dgn penggunaan mesin ~ tepung yg baru dan canggih.*

uli II sl baik atau elok (utk nama timang-timangan).

ulik I → □ **ulak**.

ulik II (Sunda); **mengulik** mengusut, menyelidiki.

ulik III; ~ *mayang* persembahan tradisional dlm bentuk tarian, nyanyian, dan lakonan.

ulin; Br **pengulin** bidan.

uling I = ~ *anjing* sj ikan laut (belut) yg besar, *Anguilla bicolor*.

uling II Kl alat penggulung layar.

ulir alur-alur pd skru, bebenang skru;

berulir mempunyai ulir, ada ulirnya: *sesendal yg amat anjal serta tudung yg ~.*

ulit I; **berulit 1.** sedang bernyanyi utk menidurkan anak, berdongang utk menidurkan anak; **2.** = ~ *dgn* tidur bersama-sama, tidur dgn: *dia ~ dgn anaknya;*

mengulit, mengulit-ulit, menguliti, mengulitkan 1. menidurkan anak dgn menyanyi, mendodoikan anak, mendondong; **2.** Mn memeluk, memangku, merangkul: *dia rela tubuhnya diulit oleh pemuda itu;*

pengulit 1. lagu atau nyanyian utk menidurkan (anak dll), dodoi, dondong: *maka biduanda yg baik suara pun menyanyilah lagu ~ putera raja beradu;* **2.** penghibur (hati), pelipur: *ceteranya dipindahkan drpd bahasa Jawa kpd bahasa Melayu, akan penghibur hati yg masyghul, akan ~ hati yg dendam.*

ulit II Mn tidak mudah (membayar hutang dll), liat.

uli-uli sj ikan laut, *Harpodon nehereus*.

ulna (Bio) tulang terbesar pd lengan bawah manusia (yg terletak pd sisi lengan yg bertentangan dgn ibu jari) atau pd anggota vertebrat yg sepadan.

ulser (Ubat) kerosakan pd permukaan sesuatu organ atau tisu yg mengakibatkan luka yg lambat pulih.

ultimatum amaran yg terakhir yg mesti dipatuhi dlm tempoh tertentu, kata dua.

ultra- *awalan asing* teramat sangat, keterlaluan, terlampau, berlebihan, mis *ultrakonservatif* dan *ultramoden*.

ultrabunyi tenaga pancaran mekanik yg digunakan semasa mendiagnosis pelbagai jenis penyakit: *ujian ~ dilakukan utk menilai pertumbuhan bayi di dlm kandungan.*

ultrakonservatif terlalu konservatif.

ultralembayung ultraungu.

ultramoden terlalu moden.

ultrasonik berkaitan dgn atau menghasilkan gelombang yg sama sifatnya dgn gelombang bunyi tetapi frekuensinya lebih drpd frekuensi audio.

ultrasonografi (Ubat) penggambaran struktur dalaman tubuh dgn menggunakan pantulan gelombang ultrabunyi.

ultraungu lingkungan spektrum elektromagnet yg terbentuk antara gelombang 10 hingga 380 nm (lebih pendek drpd gelombang cahaya tetapi lebih panjang drpd gelombang sinar-X).

ultra vires (ultra virés) (Latin) (Udg) melampaui atau di luar kuasa atau autoriti yg sah seseorang, sesebuah badan dsb: *sebaliknya, jika pihak berkuasa bertindak secara melangkaui kekuasaan atau ~, maka pihak yg terjejas akan mendapat penghakiman yg sewajarnya.*

uluh; ~ *ulai* sj tumbuhan (pokok), celeguri, lampin budak, seleguri, tudung roman, *Clerodendron disparifolium*.

uluh-uluh sj tumbuhan (pokok), *Diplospora malaccense*.

ululazmi Ar yg memiliki keteguhan hati (iaitu gelaran yg diberikan kpd Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Muhammad SAW kerana paling banyak mengalami penderitaan dan ujian dlm berdakwah, namun begitu mereka telah menghadapinya dgn penuh ketabahan dan kesabaran).

ulun sl hamba, abdi, sahaya.

ulung I bp sulung.

ulung II 1. (yg) telah lama melakukan sesuatu (pekerjaan dll), telah lama berkhidmat (berbakti): *Allahyarham Tun Razak negarawan ~* ; **2.** = **terulung** banyak pengalamannya, cekap, mahir, pandai, terbaik: *beliau seorang tokoh kebangsaan yg ~, anak Melayu yg disegani, dan disanjung tinggi; projek ini adalah langkah ~ yg amat membanggakan;* **3.** cerdik lagi sangat licin (bkn pencuri dll), banyak tipu muslihatnya, pintar: *beliau dianggap sbg ejen mereka yg ~ dan dipercayai sepenuhnya dapat melaksanakan tugas yg dipertanggungjawabkan;*

keulungan perihal ulung, kebijaksanaan, kecerdikan, kepintaran:
~nya terletak pd ketajaman penanya dlm berpolemik.

ulung-ulung Jk sj burung helang.

ulup lubang tempat rantai sauh (jangkar) di haluan kapal.

UM kep Universiti Malaya

uma ark huma.

umah ark rumah.

umak ark emak.

uman Jw ark; **menguman, menguman-uman** mengata-ngatai, mencerca, mengumpat.

umanah, umanat Ar□ → □**amanah**.

umang-umang 1. sj ketam laut yg kecil (umumnya bersarang di kulit siput); **2.** ki orang yg suka bergaya atau berlagak dgn pakaian orang lain;

bagai ~ prb orang yg berlagak dgn pakaian yg dipinjam; *laksana bintang ~, di mana sarang udang, di situ tempat menumpang* prb perihal kemiskinan seseorang yg bergantung hidup pd orang lain; *sarang unam dimasuki ketam menjadi ~* prb a) orang yg menyamar kerana sesuatu muslihat; b) barang yg sama jika berlainan keadaannya maka berlainanlah pula namanya.

umapodi (Tamil) sj kudap-kudapan (makanan ringan) India yg agak pedas rasanya.

umara Ar jamak bagi amir.

umarak Ar para pemimpin atau golongan pemerintah.

umat 1. para pemeluk atau penganut sesuatu agama, pengikut Nabi: *~ Islam terdiri drpd bermacam-macam bangsa dgn berbagai-bagai bahasa*; **2.** seluruh rakyat, orang banyak, khalayak ramai; *~ Asia-Afrika*; **3.** segolongan manusia, bangsa: *ayuhai kaum bangsaku,*

cubalah kita renungkan kedudukan ~ kita, Melayu! 4. = ~ manusia seluruh bangsa manusia, sekalian manusia: Nabi bagi segala~.

umbai I → □ **rumbai I.**

umbai II = ~ *usus* sj usus yg kecil pd usus buntu.

umbai III umbuk.

umbai IV; *rumpai* ~ sj tumbuhan (rumpai), *Thoracostachyum hypolytroides.*

umbalan ark wang tambang atau sewa (bas, perahu, dll).

umbang I; mengumbang ark **1.** timbul terapung-apung di permukaan air, mengapung (di laut dll): *sebuah perahu yg ~ di tengah laut; 2.* belayar ke kapal dll): *seketika geliung pun ~ ke tengah lautan serta diiringkan oleh penjajap;*

terumbang-umbang terapung atau terkatung-katung (spt dipermain gelombang), terayun-ayun ke kiri ke kanan, turun naik di permukaan air (bkn perahu dll): *ibarat perahu yg ~ dibuai ombak.*

umbang II ark kelihatan besar dan menakutkan (menggerunkan).

umbang-ambing; mengumbang-ambingkan **1.** menggerak-gerakkan turun naik (kapal dibuai ombak dll), mengapung-apungkan turun naik; **2.** ki menjadikan tidak tenang (fikiran dll), menjadikan bergelora (perasaan): *sementara aku diumbang-ambingkan perasaan kacau, terdengar bunyi pintu diketuk orang;*

terumbang-ambing **1.** bergerak-gerak turun naik (terenjut-enjut), timbul atau hanyut terapung-apung turun naik di permukaan air (bkn perahu dll yg dibuai ombak): *perahu yg diusung ribut ke tengah samudera ~ menunggu kapal besar datang menolong; 2.* ki dlm keadaan yg berkecamuk (tidak tentu tujuan), gelisah atau bergelora, berkacau-bilau (fikiran dll): *Dahlan sendiri sedang ~ dlm kebimbangan; di sana hatinya ~;*

keterumbang-ambingan keadaan yg terumbang-ambing: *malah mereka sendiri menghadapi krisis ~ budaya dan krisis identiti;*

perumbang-ambingan perihal terumbang-ambing.

umbar; mengumbar **1.** membiarkan lepas atau bebas, membebaskan (dr kurungan): ~ *ayam dr reban*; **2.** ki menurutkan hawa nafsu, melepaskan (keinginan), menghulur.

umbara; mengumbara mengembara; → **kembara.**

umbi I **1.** sj akar yg menjadi gemuk dan berisi (keledek, kemili, dll); **2.** perdu batang yg menjadi gemuk dan berisi (keladi, talas); **3.** pangkal pokok yg berdaun tunggal (spt pokok kelapa, pisang, dll); **4.** = *akar* ~ akar drpd batang yg terus masuk lurus ke dlm tanah, akar tunjang; **5.** bahagian yg tertanam (tiang, pancang, dll); **6.** ki punca atau asal drpd sesuatu, asal, mula, pokok, pusat: *semua ini, jika kita berbalik kpd ~ dan niat, adalah bertolak drpd kekosongan iman dlm diri;*

berumbi ada umbinya, berisi; *berurat* ~ sudah terlalu mendalam dlm hati (perasaan dll), sudah kukuh;

umbi-umbian segala jenis umbi (keladi dll).

umbi II; umbuk-~ ark berbagai bujukan dan belai; □ → **umbuk.**

umbisi jenis batang bawah tanah yg berbentuk spt bebawang, dilapisi kulit nipis dan tumbuh menegak.

umbra (Fiz) bahagian bayang yg sangat gelap (bayang bumi atau bulan).

umbuk kata-kata yg manis atau janji yg muluk-muluk (utk memujuk, memperdaya, dll); ~-*umbai* = ~-*umbi* berbagai-bagai pujuk dan rayu;

mengumbuk **1.** memujuk dgn kata-kata yg manis (janji yg muluk-muluk), memperdayakan orang dgn kata-kata yg manis: *oleh sebab itu, kelak akan diumbuknya Encik Yatim supaya dia meninggalkan pekerjaannya yg sekarang ini*; **2.** memujuk supaya

senang hati, menyenangkan (menghibur) hati: *tenang hatinya setelah diumbuk oleh kakaknya;*

pengumbuk orang yg memujuk dgn kata-kata yg manis (utk menipu, memperdaya, dll).

umbul Mn lekas menjadi besar, subur, umbur.

umbul-umbul Jw sj bendera yg panjang, kalimantang, ular-ular.

umbun-umbun ark ubun-ubun.

umbur Mn lekas menjadi besar, subur, umbul.

umbut I pangkal pucuk batang pokok palma (kelapa, pinang, dll) yg lembut dan boleh dimakan: *mencari ~ utk dimakan;*

cari ~ kena buku prb mencari yg baik, mendapat yg buruk;

mencari ~ dlm batu prb membuat pekerjaan yg sia-sia;

mengumbut mencari (mengambil) umbut (drpd pohon kelapa, enau, dll).

umbut II; mengumbut 1. menarik kembali (tali yg dihulurkan dll), membongkar (sauh): *maka jurubatu pun ~ sauh langsung berdayung;* **2.** mencabut; ~ *hati* mengambil hati; ~ *nyawa* mencabut nyawa, membunuh.

umbut-umbut sj ikan darat, *Barynotus microlepis*, umut.

umi Ar ibuku.

umm Ar ibu (dlm kata majmuk); ~ *ulbuldan* ibu kota.

ummah Ar umat (biasanya dimaksudkan umat Islam): *sistem dan ideologi sekular mesti terjadi bukan sahaja dlm diri individu tetapi juga di kalangan ~ kerana Islam tidak mengiktiraf pemisahan kehidupan agama drpd kehidupan sekular.*

ummi I → □ **umi**.

ummi II Ar tidak berpendidikan (orang yg buta huruf): *Nabi Muhammad ialah seorang ~; ammi.*

UMNO akronim bagi *United Malays National Organisation* (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu).

umpak I Jk batu alas tiang rumah, batu sendi;

mengumpak, mengumpak-umpak memberi puji-pujian, memuji(-muji), mengangkat(-angkat), menyanjung(-nyanjung).

umpak II ark; **mengumpak-umpak** menyuruh mengerjakan sesuatu lekas-lekas, menggesa-gesa(kan).

umpama 1. (sesuatu yg dijadikan) perbandingan, ibarat, misal: *yg disebutnya tadi hanya sbg ~ sahaja*; **2.** = *~nya* sesuatu yg dijadikan contoh, misalnya: *banyak kehasilan negeri Lampung, ~, terutama lada kecil atau merica dan karet*; **3.** = *spt ~ = seumpama* sama halnya dgn, tidak ubahnya spt, misalnya, sebagai: *budak-budak ~ rebung, boleh dilentur dan dibentuk*; **4.** sesuatu yg hanya dijadikan misalan sahaja (bukan sungguh-sungguh), andai: *itu hanya ~, bukan sungguh-sungguh*; **5.** = *~ kata = ~nya = seumpama, umpamakan* jika sekiranya, katakanlah kalau, seandainya, andai kata: *~ engkau banyak wang, apa yg hendak kaubuat?; seumpama hari hujan, ke mana kita hendak lari?; umpamakan engkau pergi merantau, bagaimana engkau menyesuaikan diri dgn masyarakat asing?; bukan (tidak) ~ lagi berlaku tidak sopan, tidak hormat lagi kpd;*

seumpama 1. sama seperti (sesuatu yg telah dinyatakan), serupa dgn: *kehidupannya bergantung pd susu ibu ataupun cecair yg ~nya*; **2.** □ umpama;

berumpama menggunakan umpama (ibarat, misal), bercakap dgn umpama;

mengumpama sl menaruh hormat (kpd), menghormati: *jangan diperbuat segala pekerjaan yg tidak berbahasa dan tiada ~ kpd segala indera dan dewa*;

mengumpamai **1.** sl sama dgn, menyamai, menyerupai; **2.** = **mengumpamakan** memberi hormat kpd, menghargai, menghormati;

mengumpamakan **1.** menganggap sama dgn, menjadikan contoh (kiasan, ibarat), mengibaratkan, membandingkan (dgn): *mata manusia bolehlah diumpamakan sbg sebuah kamera*; **2.** melakukan atau mengatakan sesuatu sbg contoh (sbg ulangan drpd yg telah dilakukan), memberitahu bagaimana (dgn gaya dll): *beliau telah ~ bagaimana beliau dapat mengelakkan diri drpd tikaman pencuri itu*; **3.** menganggap sbg misalan (bukan sungguh-sungguh), memisalkan, menyifatkan: *aku umpamakan kau dikahwinkan dgn seorang pemuda dr bangsamu sendiri*; **4.** menunjukkan hormat (menghargai) spt yg selayaknya, menghormati (sebagaimana mestinya): *segeralah ia tangkap, jika ia melawan, bunuh olehmu, kerana ia tidak ~ daku*;

terumpamakan dapat disamakan atau dibandingkan dgn yg lain yg sepertinya: *pantai putih bersih tak ~*;

perumpamaan **1.** = **umpamaan** sesuatu yg dianggap sama dgn, ibarat, misal: *dgn menggunakan ~ dan lambang, penyajak dapat memberi makna yg banyak dan berlapis-lapis pd ungkapan-ungkapan katanya*; **2.** sj peribahasa yg berupa perbandingan dgn sesuatu yg lain (umumnya mengandungi ajaran); **3.** sesuatu yg dijadikan contoh (mis hal-hal yg telah berlaku dll).

umpan **1.** sesuatu yg dilekatkan pd kail (di bubuh pd perangkap dll) utk memikat atau menangkap ikan (binatang dll): *kalau mengail ikan sembilang, gunakanlah ~ anak kerengga*; **2.** makanan (beras, padi, dll) utk binatang ternakan; *~ apa yg engkau berikan kpd ayam engkau ini, semuanya gemuk-gemuk*; **3.** makanan yg diberikan kpd orang lain; **4.** habuan, mangsa: *tinggallah bangsa kita yg tiada*

bersenjata menjadi ~ tentera Jepun; 5. ki sesuatu yg dilakukan utk memerangkap (memperdaya) orang: langkah tiga sapu ini boleh juga dikatakan langkah ~ atau boleh juga disebut langkah tiga mengelirukan lawan;

~ alir umpan yg digunakan utk menangkap buaya; ~ api sesuatu yg mudah terbakar digunakan utk menyalakan api; ~ golok (keris, peluru) (akan) mati menjadi sasaran golok (keris, peluru); ~ harimau mangsa harimau; ~ hawa nafsu sesuatu utk memuaskan hawa nafsu; ~ tekak makanan utk membangkitkan selera makan; ~ habis, ikan tak dapat = habis ~ kerong-kerong tak dapat prb perbuatan atau usaha yg tidak memberi hasil, hanya mendatangkan rugi dan lelah sahaja; ~ seumpan, kail sebertuk prb perbuatan yg sia-sia (kerana tidak mempunyai persediaan yg cukup);

berumpankan menggunakan sesuatu sbg umpan: *taburan berbagai-bagai janji manis yg semuanya ~ wang;*

mengumpankan 1. memikat binatang dgn menggunakan umpan: *apa yg elok digunakan utk ~ ikan haruan? 2. = mengumpani* memberi umpan (makanan dll) kpd; **3.** ki melakukan sesuatu supaya orang terpicat (terjebak, terpedaya), mengenakan (menipu, memperdaya) orang dgn sesuatu: *orang itu mudah disuap dan diumpan dgn barang-barang mewah;*

mengumpankan menggunakan sesuatu sbg umpan, melekatkan (meletakkan) umpan pd: *apa yg engkau umpankan dlm jebak itu?*

umpat I = umpatan 1. kata-kata yg bermaksud utk menodai nama orang (merugikan orang), fitnah: *aku dibuang negeri ini kerana ~ orang;*
2. kata-kata mengeji (mengejek) kerana marah (menyesali sesuatu dll) terhadap orang yg bersalah dll, cercaan, sesalan: *Mak Guna menyudahi nasihatnya dgn umpatan, 'Seolah-olah kehendak dan perintahku itu bukan utk kebaikanmu sendiri semata-mata'; 3.*

perasaan kesal yg amat sangat (kerana kata-katanya tidak dipedulikan orang dll), geram, jengkel; *tidak ~ yg membunuh, tidak puji yg mengenyang* prb jangan dihiraukan sangat umpat atau puji orang kerana kedua-duanya tidak merugikan atau menguntungkan;

umpat-umpatan segala macam umpat, pelbagai kata yg melahirkan rasa kesal (marah dll): *dia selalu mendengar ~, bangkit-bangkitan ibunya;*

mengumpat **1.** mencela-cela (memburuk-burukkan) orang lain di belakangnya, mengatai (orang) di belakang: *mereka bergunjing dan ~ iaitu menyiarkan kesalahan dan aib manusia kpd orang lain di belakang;* **2.** mencela, mengejek, mengeji: *berdosa mencela dan ~ orang;* **3.** memarahi (mengutuk, menyumpah) orang kerana berlaku tidak patut kpd kita, menghamun;

umpat-mengumpat saling mengumpat antara satu sama lain: *takbir yg dilaungkan ketika mendengar ceramah pd malam itu mungkin tidak bermakna sekiranya ia diselitkan dgn ~;*

pengumpatan perihal (perbuatan) mengumpat;

pengumpat (orang yg) suka mengumpat.

umpat II → **umpet.**

umpau Jh tempat menyimpan wang, pundi-pundi.

umpet Jk; *petak ~* bermain cari-carian, bermain bersembunyi dan mencari;

mengumpet menyembunyikan diri (supaya jangan kelihatan), bersembunyi;

umpetan perihal mengumpet (bersembunyi).

umph bp rasa ghairah (bertenaga, hebat, menarik dsb): *mereka kata mereka suka watak itu dan mereka rasa ada ~!; kopi yg dibancuhnya itu tak ada ~!*

umpil; mengumpil **1.** mengangkat (mengalih, menggerakkan, dll) benda berat dgn menggunakan tuas dsb, mengungkil, menuil; **2.** menanggalkan (mencabut dsb) sesuatu yg terlekat atau tertutup rapat dgn tuil dsb: *kerja ~ tutup tong yg rapat itu tidak juga berhenti-henti*; **3.** mengayuh dgn dayung yg dilekatkan pd bibir perahu dll (seolah-olah mengungkit air): *keenam-enam orang itu masuk ke dalam kolek dan sesaat lagi kedengaranlah bunyi orang ~ dan berdayung*;

pengumpil alat utk mengumpil, tuil, tuas.

umpuk **1.** Mn longgok, timbun, tompok; **2.** Kd, Pn bahagian (habuan) seseorang (bkn kerja dll);

berumpuk berlonggok, bertimbun, bertompok;

mengumpukkan **1.** meletakkan berumpuk, melonggokkan, menimbunkan, mengumpulkan: *banyak drpd wang itu diumpukkan utk membuat rumah dll*; **2.** menguntukkan, membahagikan.

umpun ark rumpun.

umrah Ar ibadat yg mengandungi beberapa perbuatan (ihram, tawaf, sai, dan tahalul) tanpa wukuf dan wajib-wajib haji, haji kecil;

berumrah mengerjakan umrah: *~ ke Mekah*.

UMS kep Universiti Malaysia Sabah.

umu; *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), ara nasi, Concephalus scortechinii*.

umuk Jw congkak, pongah, sombong.

umulbuldan Ar ibu kota (negeri); □ → □ **buldan**.

umum **I** **1.** secara keseluruhan (tidak pd atau mengenai yg tertentu sahaja), bersifat menyeluruh, mengenai keseluruhan sesuatu, lwn khusus (khas): *perbualan kami bersifat ~ belaka; penjelasan emaknya itu terlalu ~ dan tidak dapat meredakan kegelisahannya*;

pemandangan ~ pemandangan mengenai keseluruhan soal; *pd* ~nya *pd* keseluruhannya, ghalibnya, kebiasaannya; **2.** khalayak ramai, orang banyak (bukan orang atau golongan tertentu sahaja): *sebagaimana yg diketahui* ~, *di negeri ini cuma ada empat buah akhbar yg menyebarkan siarannya dlm Bahasa Kebangsaan*; *kepentingan* ~ kepentingan orang banyak, kepentingan semua orang (tidak terbatas kpd orang atau golongan tertentu); *rapat* ~ rapat utk orang ramai; **3.** berkaitan dgn orang ramai, utk orang ramai; *pilihanraya* ~ pemilihan (dgn cara mengundi) yg dilakukan oleh semua orang; *rumah sakit* ~ rumah sakit utk sekalian orang (bukan utk orang tertentu sahaja); **4.** sudah diketahui oleh orang banyak, bukan merupakan rahsia lagi, sudah tersiar ke mana-mana: *cerita itu sudah* ~, *tidak perlu diceritakan lagi*; **5.** biasa terdapat (digunakan dll) di mana-mana, sudah lazim, tidak asing lagi: *sudah banyak perkataan Indonesia yg ~ dipakai di sini*;

seumumnya **1.** sekaliannya, seluruhnya, semuanya: *pendeknya perkara-perkara yg bersangkutan-paut dgn kepentingan kebangsaan* ~ *diserahkan kpd kerajaan pusat*; *ketenteraman yg amat dihajati oleh manusia* ~; **2.** *pd* kebiasaannya, *pd* lazimnya, *pd* umumnya;

mengumumkan **1.** memberitahu kpd orang ramai, memaklumkan, menyerantakan: *beliau* ~ *hari ini bahawa pelajaran sains akan diadakan menerusi televisyen*; **2.** menyiarkan (dlm akhbar dll), menyebarkan: *keputusan-keputusan lengkap peperiksaan akan diumumkan dlm akhbar-akhbar tempatan*; **3.** menjadikan umum, menjadikan tersebar di merata-rata tempat, melazimkan;

keumuman perihal (sifat dsb) umum, sifat menyeluruh (tidak khusus kpd sesuatu): ~ *dan kekhususan tiap-tiap satu kemahiran itu tidak sama*; ~ *fasal-fasal yg terkandung dlm syarat-syarat dan peraturan-peraturan itu*;

pengumuman 1. perihal (perbuatan dsb) mengumumkan, pemberitahuan kpd orang ramai, pemakluman: *kerajaan dijangka akan membuat ~ mengenai pelantikan itu tidak berapa lama lagi;*
2. yg diumumkan: ~ *dlm akhbar itu ringkas sahaja.*

umum II sl **1.** tidak terang, gelap; **2.** sukar difahami, sulit: □ → **umun.**

umun Mn masih belum terang atau jelas, masih samar-samar, masih rahsia;

berumun mempercakapkan (membicarakan, mempersoalkan) sesuatu rahsia;

mengumun, mengumunkan menyimpan sbg rahsia, merahsiakan;

umum II.

umur 1. jangka masa hidup atau hayat seseorang (sesuatu) mulai dilahirkan (diadakan dsb), jangka waktu sejak dilahirkan (diadakan dsb), usia: ~ *budak ini baharu enam tahun; cukup (sampai) ~ sudah dewasa; di bawah ~ belum dewasa; dimakan ~ sudah tua; dlm ~ tuanya pd ketika dia telah tua; lanjut (lewat) ~ sudah tua; panjang ~ lama hidupnya; pendek (singkat) ~ tidak lama hidupnya (mati semasih muda); 2. ki hidup, hayat, nyawa: *kalau ada ~, kita akan bertemu lagi;**

~ *setahun jagung (darah setampuk pinang)* prb seseorang yg masih muda, kurang berakal dan belum berpendapat;

seumur 1. sama umurnya (dgn), sama tua, sebaya: *budak itu ~ dgn adik saya;* **2.** sama lamanya, sama lama adanya, selama; ~ *hidup selama hidup; ~ jagung* a) setahun jagung, (jangka masa) tiga atau empat bulan; b) tidak lama, sekejap sahaja;

berumur 1. mempunyai umur, berusia: *tiap-tiap ahli Dewan Negara mestilah ~ tidak kurang drpd tiga puluh tahun; puisi Melayu moden telah ~ lima dekad;* **2.** sudah agak tua (lanjut) umurnya, tidak dapat dianggap muda lagi; *penuntut-penuntut itu*

termasuk orang-orang muda dan juga yg sudah ~, dan drpd berbagai-bagai lapangan hidup.

umut sj ikan darat, umbut-umbut, *Barynotus microlepis*.

unam sj siput laut, *Murex ternispina*.

uncak kemuncak.

uncang I sj pundi-pundi kecil atau karung (drpd kain dll) utk mengisi barang-barang yg dibawa dll: *wang itu dikiranya dgn ~, tiap-tiap satu ~ ada lima puluh ringgit.*

uncang II; *~-uncit 1.* tidak tetap pd sesuatu (tempat dll), selalu bertukar (membuat kerja), gelisah, lincah; **2.** membayar dgn sedikit-sedikit dan tidak tentu masanya, beruncit-runcit, ansur-ansur.

uncang III; *pokok ~* sj tumbuhan (pokok), baru-baru, bebaru, kangsar, tutuk, tutur, *Hibiscus floccosus*.

uncue (uncué), **uncui** C sj paip tembakau.

uncit; *membayar ~* membayar beransur-ansur;

beruncit-uncit sedikit demi sedikit (membayar, datang dsb): *tentunya pekerjaan itu lambat selesai kalau dilakukannya ~; datang ~.*

UNCTAD akronim bagi *United Nations Conference on Trade and Development* (Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan).

uncu bp bongsu.

unda bp bonda.

undak I; **mengundak**, **mengundak-undak** menyebabkan tidak dapat bergerak maju (kapal, perahu, dll), terkatung-katung (kerana angin sakal, gelombang besar, dll): *pintalah turun angin dua muka, dr darat mengundak-undak geliung panjang ini ke laut;*

pengundak penghalang atau penahan.

undak II; undak-undakan Jw **1.** tangga di depan pintu (rumah); **2.** bertingkat-tingkat, berlinggek-linggek.

undan I; berundan, berundan-undan sengaja berlama-lama mengerjakan sesuatu, berlengah-lengah.

undan II 1. sj burung; ~ *putih, Pelecanus onocrotalus*; ~ *gangsa, Pelecanus crispus*.

undang I; mengundang mempersilakan datang, memanggil supaya datang, menjemput (supaya menghadiri sesuatu majlis dsb): *dia ~ beberapa teman sekerja ke rumahnya*;

undangan 1. orang yg diundang, jemputan; **2.** panggilan (utk datang), jemputan: *pd suatu hari, dia menerima ~ utk menghadiri satu pesta di rumah temannya*;

pengundang pihak atau orang yg mengundang: *setiap tetamu undangan perlulah memberikan jawapan kpd ~ sama ada ia dapat menghadiri majlis itu atau sebaliknya*.

undang II; undang-undang 1. sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yg digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yg berkenaan: *dlm sesebuah negara demokrasi, parlimen membuat ~ yg mesti diikuti oleh setiap orang*; **2.** peraturan yg digubal utk sesuatu perbadanan (perkumpulan, persatuan, dll) oleh orang-orang tertentu: *tiap-tiap ahli hendaklah patuh kpd ~ persatuan ini*; **3.** Id rumusan yg dibuat berdasarkan hukum alam (dlm ilmu sains dll), hukum: ~ *Boyle*; ~ *Newton*; ~ *adat* amalan yg diikuti turun-temurun di sesebuah kawasan atau dlm sesuatu masyarakat, yg diterima sbg undang-undang di kawasan atau dlm masyarakat tersebut; *U~ Anak Negeri* undang-undang yg berkaitan dgn peribumi di Sabah dan Sarawak mengikut konteks Perlembagaan Persekutuan; ~ *antarabangsa* undang-undang yg mengatur perhubungan antara negara; ~ *awam*

undang-undang yg berlaku utk seluruh rakyat (tidak berkaitan dgn jenayah); ~ *darurat* undang-undang yg dikuatkuasakan dlm masa berlakunya keadaan darurat sahaja; ~ *dasar* Id perlembagaan; ~ *hukum pidana* Id undang-undang yg menentukan hukuman utk perbuatan jenayah; ~ *jenayah* undang-undang mengenai perbuatan jenayah (spt bkn perbuatan merompak, membunuh, dll); ~ *kecil* undang-undang atau peraturan yg dibuat oleh pihak berkuasa atau agensi pentadbiran, mis pihak berkuasa tempatan, perbadanan dsb, yg diberi kuasa berkanun atau kuasa undang-undang; ~ *pentadbiran* undang-undang yg berhubungan dgn kuasa, kewajiban dan tatacara sesuatu agensi pentadbiran; ~ *tubuh* peraturan dasar yg mesti dipatuhi oleh ahli sesuatu pertubuhan dll; **berundangan**; *pandai* ~ Mn a) mengerti benar (memahami benar-benar) tentang adat; b) pandai berbicara;

mengundangan 1. menjadikan sbg undang-undang, menentukan atau menetapkan sesuatu berdasarkan undang-undang; **2.** mengumumkan undang-undang kpd orang ramai, menyerantakan undang-undang;

memperundangan menjadikan sesuatu undang-undang: *segala hukum yg diperundangan oleh Allah ke atas hambanya*;

undangan; *majlis (dewan)* ~ majlis (dewan) yg menggubal undang-undang;

perundangan 1. yg berhubungan (berkaitan) dgn atau berasaskan undang-undang: *menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya termasuk bidang ~ dan kehakiman; suatu sistem ~, ekonomi, dan politik yg menyeluruh; Islam ialah agama~*; **2.** kumpulan undang-undang, keseluruhannya yg berkaitan dgn undang-undang: *Yang di-Pertuan Agong sbg lambang sumber segala ~ Malaysia; sikap sedemikian adalah bertentangan dgn ~ Islam*;

perundang-undangan perundangan;

pengundang-undang orang yg menggubal undang-undang.

undang III NS pembesar adat yg empat di Negeri Sembilan.

undi 1. sesuatu utk memilih atau menentukan sesuatu (mis siapa yg akan mendapat sesuatu, memulakan sesuatu permainan, dll); *buah* ~ ark dadu; *buang* ~ = *membuang* ~ menentukan (memilih) dgn undi; *kena* ~ menang dlm undi (terpilih dll); *kertas* ~ kertas yg ditandakan sbg menunjukkan pilihan; *main* ~ a) main loteri; b) ark bermain dadu; *mencabut* ~ menentukan sesuatu dgn mencabut atau menarik kertas dsb undi; **2.** = **undian** pemilihan seseorang atau penentuan sesuatu dgn penandaan pd kertas undi (pungutan suara dsb): ~ *kaum wanita merupakan 50% drpd seluruh ~ negara*; *kertas* ~ kertas yg disediakan utk seseorang mengundi dlm sesuatu pemilihan (pilihan raya dsb); *surat* ~ Id tiket loteri;

~ *mogok* undi utk menentukan sama ada akan mogok atau tidak; ~ *pemutus* undi yg menentukan sesuatu (apabila undi-undi yg lain sama banyak menyokong dan tidak menyokong atau menentang); ~ *percaya* undi yg menunjukkan majoriti menyokong seseorang, pemimpin dsb; ~ *pos* undi yg dihantar melalui pos apabila pengundi, terutamanya anggota tentera dan polis, berada di luar kawasan undi pilihan raya yg berkenaan; ~ *sulit* undi (pemilihan, penentuan, dsb) secara sulit (biasanya dgn menandakan pilihan atau keputusan seseorang pd kertas undi); ~ *tidak percaya* undi yg menunjukkan majoriti tidak menyokong seseorang, pemimpin dsb;

berundi sedang memilih (menentukan dll) dgn undi;

mengundi 1. menentukan (memilih dll) dgn membuang undi; *baiklah kita ~ siapa yg memusingkannya dahulu*; **2.** = ~ *suara* memutuskan sesuatu dgn mengira undi (memungut suara dll), memilih (menentukan dll) sesuatu dgn membuang undi: *setelah*

diundi, beliau telah terpilih menjadi Yang Dipertua Persatuan itu lagi; Peguam Negara boleh dilantik menjadi ahli jawatankuasa Parlimen, tetapi dia tidak boleh ~;

memperundikan menentukan (membahagikan, memberikan, menetapkan, dll) dgn cara diundi: *lapangan tempat meletak kereta akan diperundikan antara mereka yg berkereta;*

undian 1. sesuatu yg diundi, loteri; ~ *wang loteri (wang); menarik ~* mendapat hadiah dlm undian wang dll, menang loteri; **2.** hasil mengundi, pemilihan undi: *pd hari ini, terpaksa wakil-wakil dilantik dgn ~ ramai;* **3.** ki cubaan (utk menentukan sesuatu), ujian;

pengundian perihal (perbuatan, proses, dsb) mengundi, pemilihan dgn cara mengundi: *pengumuman keputusan ~ memilih pucuk pimpinan UMNO;*

pengundi 1. orang yg mengundi: *bilangan ~ yg berdaftar di seluruh Tanah Melayu dijangka meningkat hingga tiga juta orang;* ~ *hantu pengundi* tidak berdaftar yg muncul dgn tiba-tiba saja dlm sesuatu pengundian (pilihan raya dsb); **2.** sesuatu yg digunakan utk mengundi (kertas, surat, dll).

undil tempat menyimpan wang, pundi-pundi.

unduk-unduk sj ikan laut (kepalanya menyerupai kuda), *Microphis boaja.*

undung; undung-undung Mn kain tutup kepala (supaya jangan kena panas atau hujan), tudung: *dgn segera dia naik tangga dan baharu tiba di atas rumah, dia pun mengeluh kepanasan serta mencampakkan ~nya;*

berundung-undung memakai (menggunakan) undung-undung: *itu ada orang berjalan di permatang, menyandang kain sembahyang dan ~ kain putih;*

memperundungkan menutup (menyelubung) kepala dgn undung-undung.

undung-undung; berundung-undung teresak-esak atau tersedu-sedu (menangis).

undur = **berundur** berjalan ke belakang, surut ke belakang, lwn maju: *dia ~ dan menjatuhkan dirinya ke atas kerusi; 2.* = ~ dr pergi menjauhkan diri (dr), menghindar (dr), pergi (dr); *seorang demi seorang ~ dgn hormat meninggalkan kedai itu; 3.* surut (kerana tidak dapat melawan lagi dlm peperangan), mundur: *maka Peringgi pun patah perangnya, dan banyak mati, lalu ~;*

mengundur 1. bergerak mundur, surut ke belakang: *Sidek ~ dan duduk di tanah; 2.* ki mengaku kalah, beralah;

mengundurkan 1. menggerakkan ke belakang (kereta dll), memundurkan: *ia berhenti dan ~ keretanya; jam ini terlalu cepat, undurkan setengah jam; 2.* menyuruh undur dr, menarik ke belakang: *tentera pihak berikat telah diundurkan ke garisan pertahanan yg lain; 3.* menangguhkan hingga ke waktu yg lain, melewatkan, menunda: *saya minta tuan ~ keberangkatan dan membantu kami mengatasi kesukaran-kesukaran di sini;*

~ diri a) pergi dr, meninggalkan: *ia menjadi bingung melihat keadaan itu lalu ~ dirinya balik ke rumah; b)* menarik diri, berhenti dr, meletakkan jawatan: *tenaga-tenaga tua ~ diri utk memberi tempat kpd tenaga-tenaga muda;*

pengunduran perihal mengundur(kan): *British sentiasa takut kalau Jepun dapat mematahkan ~ mereka dgn mendarat di belakang barisan mereka.*

undur-undur Jw **1.** sj binatang kecil yg gemar makan semut; **2.** sj ketam kecil di pantai.

UNESCO (unésco) akronim bagi *United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation* (Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu).

ungah-ungah ark bergoyang (gigi, tiang, dll), goyah.

ungam ark; **mengungam** mengigau.

ungap; ungap-ungap □ → □ **hungap**.

ungar **1.** sj ikan laut, *Lutjanus argentimaculatus*; **2.** sj ikan laut, *Lutjanus johnei*.

unggal ark bp tunggal.

unggang; ~-*unggit* bergerak-gerak (tergoyang-goyang) turun naik, jungkat-jungkit.

unggas segala jenis burung: *sekalian ~ yg terbang pun habis menaruh sayang kasihan belas akan Raja Jawa itu*;

~ *angkasa* burung yg terbang tinggi di angkasa; ~ *dewata* burung di syurga; ~ *puding* sj burung; *lepas* ~ besar sekali;

mengunggas; ~ *puding* Mn lari (kerana ketakutan).

unggat; ~-*unggit* bergerak-gerak turun naik, jungkat-jungkit.

unggis; mengunggis menggigit sedikit-sedikit (bkn tikus, arnab, dll), mengerip, mengerumit: *tikus itu ~ roti yg ditinggalkan di atas meja*.

unggit I; *unggang-~, unggat-~*; □ → □ **unggang, unggat**.

unggit II □ → **ungkit**.

ungguk □ → □ **onggok**.

unggul I melebihi (mengatasi) yg lain (baik, bijak, cekap, tinggi, dll), terbaik, teristimewa, terutama: *dia seorang ahli olahraga yg ~; ahli sains yg ~*;

mengungguli mengatasi, melebihi (pihak lain): *tiap-tiap golongan cuba ~ yg lain*;

keunggulan perihal unggul, kelebihan (drpd yg lain), keistimewaan, keutamaan: *seniman harus juga berlatih dgn sabar, ~nya sebahagian besar adalah berkat latihan dan kesabaran.*

unggul-unggul sl panji-panji.

unggun 1. longgokan kayu dll, timbunan, tompokan: *ketika petang, mereka membakar ~ dan keluarlah asap yg berkepul-kepul dr daerah itu; 2.* = ~ *api = api ~ longgokan kayu dll yg terbakar, api longgokan kayu dll: di bawah penyalai itu hidup ~ batang manggis dan batang rambutan; mereka kelihatan duduk berbual-bual di tepi ~ api;*

berunggun 1. = **berunggun-unggun** berlonggok-longgok, bertimbun-timbun, bertompok-tompok; **2.** sedang membuat api ungun, sedang membakar kayu dll yg dilonggokkan; **3.** masih menyala (longgokan kayu yg dibakar dll);

mengunggunkan 1. meletakkan (menyusun dll) kayu dll supaya bertimbun-timbun, melonggokkan; **2.** menimbunkan kayu dll dan dibakar;

unggunan 1. longgokan kayu (sampah dll); **2.** api ungun: *beberapa orang anak kecil dan orang tua sedang duduk-duduk di keliling ~ api.*

unggut; berunggut-unggut saling menarik, bertarik-tarikan, sentak-menyantak;

mengunggut menarik kuat-kuat, menyentak, merenggut.

ungka sj kera yg panjang tangannya tetapi tidak berekor, wakwak; ~ *kelabu, Hylobates muelleri; ~ tangan hitam, Hylobates agilis; ~ tangan putih, Hylobates lar.*

ungkah Mn ark; **mengungkah** menguraikan (simpulan tali dll), membuka (belunggu dll), membongkar, mengungkai.

ungkai; mengunkai 1. menghuraikan simpulan tali dll, mengorak, membuka (ikatan dll): *tali yg memperhubungkan aku dgn engkau telah tersimpul mati, tidak dapat diunkai lagi*; **2.** membuka atau menanggalkan (baju dll), membongkar (rumah), merombak; **3.** menganggap (menyatakan, menyebabkan) tidak berlaku atau sah, membatalkan (perjanjian dll), memansuhkan; **4.** mencari-cari sesuatu utk diselidiki, membongkar-bongkar utk menyelidiki (memeriksa dll), menggugat perkara yg sudah-sudah;

terungkai telah (dapat) diunkai, terbongkar, terbuka, tertanggal, terurai: *dia membetulkan kutangnya yg hampir ~ itu*;

pengunkaian proses atau perbuatan mengunkai: ~ *simpulan*;

pengunkai; ~ *rantai* guna-guna (jampi, mantera) utk melepaskan gari.

ungkak sela-sela atau lubang antara dua pancang tempat rantai sauh.

ungkal tidak mahu menurut, keras kepala, degil: *jika terdapat orang-orang itu disuruh halau, dan jika ~, ditangkap*.

unggang I; ungang-unggang; □ → □ **onggang I.**

unggang II; ~-*ungkit* ungang-unggit.

ungkap I; mengungkap mengangakan mulut utk bernafas (berkata-kata), ngap-ngap;

terungkap-ungkap sekejap terbuka sekejap terkatup mulut (spt hendak bernafas), terngap-ngap.

ungkap II; mengungkapkan 1. mengeluarkan atau melahirkan isi hati dll (dgn kata-kata, air muka, gerak-geri, dll), memaparkan (perasaan hati dll): *sampai di mana dia berhasil dlm ~ persoalan-persoalan yg menggoncangkan kalbunya; bibit-bibit kejayaan sudah dapat dilihat melalui murid-murid yg menggunakan bahasa Melayu dgn baiknya utk ~ buah fikiran dan perasaan*; **2.** mengemukakan, memaparkan, menyatakan, atau menyampaikan

(butir-butir): *usaha menjadikan bahasa kita suatu bahasa yg moden yg boleh ~ ilmu Sains dan Teknologi yg sentiasa berkembang;*

terungkap dapat diungkapkan: *sedangkan emosi itu memang tidak ~ oleh kata-kata dlm pemikiran kita;*

ungkapan 1. susunan kata yg digunakan dlm percakapan (tulisan), frasa atau rangkai kata yg tertentu susunan katanya: *kemarahannya sering tenggelam dlm ~ yg indah dan sedap-sedap;*

2. gabungan (kelompok) kata yg khusus (tertentu) utk menyatakan sesuatu maksud, simpulan bahasa; **3.** = ~ muka perubahan air muka (menggambarkan perasaan hati); **4.** (Mat) gabungan fungsi, pemalar, pemboleh ubah, dll; **5.** (Komp) rumusan matematik yg dikodkan dlm bentuk suruhan atur cara;

pengungkapan perihal (perbuatan dsb) mengungkapkan: *dilafazkan mengikut sebutan, intonasi, dan gaya ~ yg fasih dan lancar;*

pengungkap 1. orang yg mengungkapkan sesuatu: *dialah yg harus menjadi pencetus dan ~ bicara itu;* **2.** alat atau medium yg mengungkapkan sesuatu: *bahasa, sastera dan budaya sebenarnya merupakan ~ wadah pemikiran seluruh anggota masyarakat; bahasa ~ kebudayaan yg dominan pd zaman itu ialah Sanskrit.*

ungkat Jk; **mengangkat-ungkat** suka menimbul-nimbulkan perkara dll yg telah lalu.

ungkau sj burung helang malam.

ungkil; mengungkil mengangkat atau menaikkan sedikit dgn tuas dll, mengumpil;

pengungkil alat yg digunakan utk mengungkil, pengumpil, pengungkit, tuas.

ungkir ark; **diungkiri** dinafikan, dimungkiri; □ → □ **mungkir.**

ungkit; *ungkang*-~ = **ungkit-ungkit** bergerak-gerak turun naik, jungkat-jungkit;

mengungkit 1. mengangkat (menaikkan) dgn hujung tuas dll, mengumpul, mengungkil: ~ *pintu*; **2.** = **mengungkit-ungkit** menimbul-nimbulkan (perkara yg telah lalu), membangkitkan-bangkitkan, mengungkat-ungkat: *jangan ~ perkara lama; sudah suratan takdir, sudah nasib diri, tak guna diungkit lagi; tidak dapat diungkit dgn besi hangat* prb a) perihal dua orang yg amat berkasih-kasihannya yg tidak dapat diceraikan; b) perihal orang yg tidak mahu berpisah dr temannya kerana seronok bercakap-cakap;

ungkit-mengungkit saling mengungkit (menimbul-menimbulkan perkara yg telah lalu): *demi keharmonian dan perpaduan keluarga, janganlah kita ~ lagi perkara yg telah berlalu itu*;

pengungkit alat yg digunakan utk mengungkit, pengumpul, tuas;

pengungkit-ungkitan perbuatan mengungkit-ungkit: *sering berlaku perdebatan dan ~ mengenai bangsa yg ingin dibangunkan*.

ungku gelaran utk orang yg berketurunan raja.

ungkul Jk; **ungkulan** lebih unggul (drpd).

ungkur Jw; **berungkur-ungkuran** mundur (lari) ke merata arah, pergi belakang-membelakangi; □ → □ **pungkur**.

ungsi; **mengungsi** berpindah ke tempat lain supaya selamat: *tukang gunting di sebelah kedai kami telah ~ sejak bom yg pertama dijatuhkan*;

mengungsikan memindahkan ke tempat yg lebih selamat, membawa mengungsi: *isteri saya dan anak-anak diungsikan dan tidak ada orang tinggal dgn saya*;

pengungsian 1. perihal mengungsi (mengungsikan); 2. tempat mengungsi;

pengungsi orang yg mengungsi.

ungti C sj patung yg besar (digerak-gerakkan dr dalam).

ungu merah bercampur biru (spt warna biji kundang dll);

keungu-unguan agak ungu, kelihatan ungu.

unguh ark tua renta, sangat tua.

uni I Mn kakak (perempuan).

uni II IB syarikat, ikatan, persatuan.

UNICEF (unicéf) akronim bagi *United Nations International Children's Emergency Fund* (Tabung Darurat Kanak-Kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu).

UNIDO akronim bagi *United Nations Industrial Development Organization* (Pertubuhan Pembangunan Industri Bangsa-Bangsa Bersatu).

uniform pakaian seragam (dipakai oleh askar, polis, dll): *pelajar-pelajar sekolah kerajaan dimestikan memakai ~ sekolah;*

beruniform memakai uniform, berpakaian seragam.

unik tidak sama dgn yg lain, lain drpd yg lain, tersendiri, luar biasa, istimewa: *justeru inilah yg membuat revolusi Indonesia itu satu revolusi yg ~; dlm setiap tamadun ini, terdapat cara-cara yg ~ bagaimana manusia pd zaman itu menyimpan akaun dan membuat aritmetik;*

keunikan perihal unik, sifat unik: *salah satu ciri kegemilangan tamadun Islam ialah ~ sistem ekonomi Islam.*

unilateral 1. melibatkan sebelah pihak (satu kumpulan, negara dsb) sahaja dan tidak yg lain (bkn tindakan, keputusan, pernyataan dsb): *Dewan Rakyat menyatakan kekesalan terhadap tindakan ~ negara tersebut; negara itu tidak patut mengambil keputusan ~*

tanpa melihat konteks hubungan dua hala dgn negara jiran; 2. berdasarkan satu garis keturunan sahaja, iaitu sama ada sebelah bapa atau sebelah ibu): ciri terpenting dlm sistem adat perpatih ialah susunan masyarakat yg bersendikan tradisi ~; adat temenggung menarik garis keturunan secara ~ patrilineal.

unilateralisme dasar atau prinsip yg membolehkan satu pihak (sebuah negara atau satu kumpulan) sahaja mengambil tindakan atau membuat keputusannya sendiri tanpa persetujuan pihak (negara atau kumpulan) yg lain: ~, *perlindungan dagangan dan liberalisme politik adalah alat yg digunakan utk mempromosikan konsep globalisasi; penjajah Inggeris sememangnya mengamalkan ~ semasa memerintah negara ini dgn matlamat mahu orang Melayu kekal sbg petani.*

UNIMAS akronim bagi Universiti Malaysia Sarawak.

uniporem IB uniform.

uniseks (uniséks) berkaitan dgn pakaian, dandanan rambut, dsb yg boleh dipakai, digunakan, atau dilanggani oleh orang lelaki dan juga perempuan: *seluar ~; kedai rambut ~.*

unisel (unisél) (Bio) satu sel (merujuk pd organisma spt ameba).

unit 1. kuantiti tertentu yg dijadikan sbg piawai ukuran (sukatan): *Ringgit Malaysia ialah ~ mata wang Malaysia; 2.* sesuatu yg dianggap sbg entiti tunggal yg lengkap: *sebanyak 20 ~ rumah kos rendah sedang dibina; 3.* bahagian atau kumpulan yg mempunyai fungsi khas dlm sesuatu organisasi: *~ rawatan jantung; ~ pemprosesan pusat (Komp) bahagian komputer yg berfungsi mengawal perjalanan keseluruhan komputer; ~ rawatan rapi unit di hospital yg memberikan rawatan dan penjagaan rapi yg berterusan kpd pesakit yg berada dlm keadaan kritikal.*

UNITAR akronim bagi Universiti Tun Abdul Razak.

unitarisme IB fahaman yg cenderung kpd negara yg berupa kesatuan.

UNITEN akronim bagi Universiti Tenaga Nasional.

universal meliputi seluruhnya atau semuanya (di dunia ini), sejagat:

sebenarnya seni itu ~ dan seniman itu hidupnya tidak berdaerah;

keuniversalan perihal (sifat dsb) universal: *sejarah tetap memberi perhatian kpd aspek-aspek yg lebih individualistik, ~ dikaji bersama-sama dgn keindividualan.*

universalitet IB keuniversilan.

universil IB universal;

keuniversilan perihal universil.

universitas Id universiti: *U~ Indonesia.*

universitet (universitét) → **universitas.**

universiti institusi atau pusat pengajian tinggi yg memberikan ilmu dlm pelbagai bidang, menjalankan penyelidikan ilmiah, dan menganugerahkan pelbagai peringkat ijazah.

UNIX (Komp) sj sistem pengendalian berbilang tugas yg digunakan oleh kebanyakan minikomputer dan stesen kerja komputer.

unjam I □ → □ **hunjam.**

unjam II daun-daun kelapa yg diikat dgn rotan dan dilabuhkan ke dlm laut (supaya menjadi tempat berkumpul ikan yg hendak ditangkap).

unjap pintu lukah yg berbentuk corong, injap.

unjuk I; ~ *beritahu* bp memberitahu atau memaklumkan;

~ yg tidak diberikan prb berjanji akan memberikan sesuatu tetapi hanya tinggal janji sahaja;

mengunjuk 1. mengangkat serta menghulurkan tangan (ke atas atau ke hadapan), mengunjurkan tangan; **2.** memberi kpd (seseorang) dgn tangan: *“Ini surat drpd abang,” Samad ~;*

mengunjukkan 1. mengangkat tangan ke atas (ke hadapan), menghulurkan atau mengunjurkan tangan (kpd): *sampai di Brunei, Nor dikerumuni oleh kawan-kawannya, semuanya ~ tangan bersalam dan bertegur sapa*; **2.** memberikan sesuatu dgn tangan yg terhulur (terunjur), menyerahkan (kpd): *dia ~ sehelai kain batik kepadaku; ~ tangan*;

pengunjukan perihal mengunjukkan, pemberian;

sepengunjuk = ~ *tangan* setinggi orang berdiri dgn menghulurkan tangan ke atas.

unjuk II tunjuk;

mengunjuk menunjuk;

mengunjukkan memberitahu dgn menunjuk, memperlihatkan, menunjukkan: *Penghulu ~ tempatnya dan tempat ibu bapanya berkedai itu*;

pengunjukan perihal (perbuatan dsb) mengunjukkan (menunjukkan), sesuatu yg memberitahu atau yg menunjukkan, petunjuk.

unjuk sl; mengunjun menghulurkan (tangan, tali, dll) dan menariknya kembali kuat-kuat, menarik (menyentak) kuat-kuat, merentak.

unjuk I ark □ → □ **kunjung I.**

unjuk II ark; **mengunjungkan** mengunjukkan, memberikan (kpd), menghulurkan.

unjuk; mengunjur 1. duduk (berbaring) dgn meluruskan kedua-dua belah kaki; **2.** menonjol atau menjulur ke luar dr sesuatu permukaan atau bahagian utama, menganjur: *binaan tingkap di setiap bilik tidur dan ruang makan dibentuk secara ~; dilihat dr arah hadapan, rumah itu menonjolkan binaan pergola cengal yg ~ dr bumbung*;

mengunjurkan 1. meluruskan kedua-dua belah kaki (ketika berbaring, duduk), membaringkan dgn meluruskan kedua-dua belah kaki: *dia merentangkan tangan dan ~ kaki, seakan-akan hendak melepaskan penat badannya;* **2.** meramalkan atau menganggarkan sesuatu situasi (hasil, keputusan dsb) yg akan datang berdasarkan data, fakta dsb yg sedia ada, memprojeksikan: *bank koperasi itu ~ keuntungan sebelum cukai sekurang-kurangnya RM 85 juta bagi tahun 2003 ini; kami ~ 30 peratus pendapatan drpd pendapatan seluruh dunia menjelang tahun 2005;*

terunjur terhulur kaki (sewaktu duduk), terlunjur kaki: *duduk dgn kaki ~;*

pengunjuran 1. perihal mengeluarkan atau memancarkan gambar dsb pd sesuatu permukaan: *projektor menayangkan imej ke skrin secara ~;* **2.** peramalan (ramalan) tentang sesuatu perkembangan atau kemungkinan berdasarkan maklumat atau kajian tertentu: *pengurusan terutamanya melibatkan perancangan, menetapkan objektif, membuat ramalan dan ~, menganalisis masalah, dan membuat keputusan;*

unjuran 1. bahagian sebelah kaki orang yg sedang berbaring, bahagian tempat kaki mengunjur (pd petiduran), tumpuan kaki: *anaknyanya yg tua sedang bermain-main kelereng di ~ ibunya;* **2.** anggaran atau jangkaan tentang sesuatu situasi, arah aliran dsb masa depan, terutamanya berdasarkan data, maklumat dsb yg berlaku sekarang, projeksi: *~ ini dibuat berdasarkan pertumbuhan penduduk sebanyak 2% setahun; pakar dan penganalisis ekonomi menyifatkan ~ positif satu peratus KDNK bagi tahun ini adalah realistik dan boleh diterima baik oleh pasaran;* **3.** sesuatu yg mengunjur ke luar dr sesuatu permukaan: *di kepalanya terdapat ~*

yg kelihatan spt dua mata kapak; dibiarkan ~ kayu atau buluh yg sama panjang di kedua-dua hujung rumah; → □ **lunjur**.

unjut Mn bungkus drpd kain empat persegi yg keempat-empat puncanya disimpul sekali;

mengunjutkan membuat unjut (drpd sapu tangan dll).

unsat-unsat sj ikan laut, *Plotosus anguillaris*.

unsur 1. bahagian (yg terkecil) drpd sesuatu benda, bahagian benda yg tidak dapat dibahagi-bahagikan lagi (dgn sebarang proses kimia), bahan (zat) asal: ~ boleh dibahagi kpd dua kumpulan utama, logam dan bukan logam; ~ nadir bumi (Kim) unsur dlm siri lantanid; ~ surih (Kim) unsur dan sebatianannya yg diperlukan oleh organisma hidup pd kadar yg sangat kecil; **2.** ki bahan, anasir: buku-buku sejarah yg ada masih penuh dgn ~-~ subjektif yg kurang penting; beliau juga membawa ~-~ yg memberi semangat kpd rakyat di samping lagu cinta dan kasih sayang;

berunsur mempunyai unsur, bersifat: cerita pendek dan rencana Salim ~ cercaan dan sindiran;

berunsurkan mengandungi (mempunyai, berasaskan, dsb) unsur-unsur tertentu: pandangan-pandangan mereka yg ~ Barat.

unsuri sl berkaitan dgn unsur (asal mula dll).

unta sj binatang besar yg lehernya panjang (kuku berbelah dan belakangnya berbonggol satu atau dua), *Camelus spp.*; burung ~ sj burung besar yg boleh berlari dgn tangkas, *Struthio camelus*; *bagai* ~ menyerahkan diri prb a) orang yg sangat patuh menurut perintah; b) mengaku salah serta bertaubat drpd kesalahan itu; c) orang yg bodoh dan lurus itu selalu menjadi keuntungan dan kesukaan orang yg cerdik.

untai 1. benang atau tali yg digunakan utk mencucuk buah tasbih (manik dll); **2.** penjodoh bilangan utk rangkaian benda yg dicucuk (spt

rantai manik, kalung mutiara, dsb), utas: *dua ~ kalung mutiara*; **3.** = **untaian** karangan, rangkaian; **4.** serangkap (pantun, sajak, dll), serangkai: *sajak empat se~ ini barangkali memang agak umum sedikit*;

beruntai, beruntaian, menguntai tampak menjuntai, berjuntai-juntai;

beruntai-untai banyak untainya, beberapa untai (kalung dll), berangkai-rangkai: *maka larilah ikan-ikan itu menyelam menyusupi akar-akar teratai yg berjuntai ~* ;

teruntai tergantung beruntai-untai;

untaian 1. sesuatu yg bersambung-sambung spt rantai, karangan, rangkaian; **2.** sesuatu yg berturutan (bkn peristiwa dll), rentetan: *hidup kita ini adalah ~ perubahan, tidak ada yg diam, tidak ada yg kekal; kenapa ~ katanya tidak begitu kemas dan teratur lagi?*

untal butir atau biji (spt pil), gentel;

menguntal membuat berbutir-butir (spt pil), menggentel.

untang; *~-anting* tergoyang-goyang atau terayun-ayun (bkn benda yg tergantung).

until I butir yg kecil-kecil spt pil;

seuntil sebutir kecil, sedikit sekali; □ → □ **untal**.

until II; menguntil 1. = **teruntil-until** terayun-ayun (bkn barang-barang yg tergantung); **2.** mengerjakan sesuatu sedikit-sedikit (dgn berdikit-dikit).

unting I seikat atau segabung (bkn tali, benih padi, dll), seberkas;

unting-unting rumbai-rumbai pd layang-layang;

berunting merupakan unting (berkas).

unting II; unting-unting = *tali* ~ tali yg berbandul utk mengukur tegak tidaknya sesuatu benda (spt tiang dll);

mengunting mengukur lurus tidaknya sesuatu (spt tiang dll) dgn menggunakan unting-unting.

unting-unting sj tumbuhan (pokok), kelumpang, perupuk, rongga jantan, *Sterculia maingayi*.

untir Jw ark; *gelang* ~ sj gelang yg berbentuk tali dipulas (dipintal), gelang yg berpilin;

menguntir menjadikan berpulas (berpilin), memilin, memulas.

untuk **1.** ditentukan (disediakan) bagi, merupakan bahagian (seseorang dll): *tanah getah yg lima ekar ini ~mu dan tanah sawah yg dua ekar itu ~ adikmu*; **2.** guna, bagi, buat: *wang ~ membeli makanan; ruang ~ bekerja*; **3.** (digunakan, dipakai) sebagai, dijadikan, supaya menjadi atau dijadikan: *ditumbuknya kulit kayu itu halus-halus ~ ubat; dibawahnya buluh rencong ~ senjata*; **4.** (bermaksud) hendak: *saya terlalu takut ~ lari*; **5.** (diberikan, dihantar) kepada: *beliau telah mengirim wang RM50.00 ~ ayahnya*; **6.** (melakukan, mengerjakan sesuatu) supaya, supaya dapat: *~ melihat dgn jelas penyimpangan dr segi bentuk ini, di bawah ini diturunkan dua rangkap permulaan Syair Sinyor Kosta; ~ memahami keadaan yg berlaku sekarang ini, perlu dikaji perkembangan-perkembangan sebelumnya*;

beruntuk **1.** (sudah) menerima bahagian masing-masing, (sudah) memiliki bahagian masing-masing; **2.** sudah ditetapkan bahagian masing-masing: *pusaka itu belum lagi ~*;

memperuntukkan, menguntukkan menetapkan, (mencadangkan, menyediakan) bagi, membahagikan atau mengekshaskan (bagi sesuatu tujuan, keperluan, dll): *perbelanjaan mengadakan pertandingan itu tahun ini diperuntukkan sebanyak RM60 000; maka kerajaan terpaksa ~ lebih banyak wang utk pertahanan dan keselamatan negara*;

teruntuk 1. sudah ditetapkan sbg bahagian seseorang (sesuatu keperluan dll); **2.** ditetapkan (dikhhususkan) bagi seseorang;

peruntukan 1. sesuatu yg telah diuntukkan, bahagian atau jumlah (wang dll) yg ditetapkan (ditentukan) utk: *Dewan Rakyat telah meluluskan ~ utk membina rumah-rumah pemulihan akhlak*; **2.** syarat atau ketentuan (dlm undang-undang dsb): *~ undang-undang utk membataskan poligami.*

untung 1. apa yg telah ditentukan (oleh Yang Maha Kuasa) akan berlaku ke atas seseorang, nasib: *bukan sebab keberanian dan kegagahanku maka aku beroleh hadiah dan pangkat itu, hanya semata-mata kerana ~*; **2.** tidak sial (celaka), bernasib baik, mujur: *~ jugalah ada abang bawa kad pengenalan, kalau tidak tentu kena tahan oleh polis*; **3.** = **keuntungan** hasil pendapatan atau perolehan drpd sesuatu kegiatan (spt perusahaan, perniagaan, dll) yg melebihi modal dan segala perbelanjaan yg berkaitan, laba: *berdagang dgn tidak mendapat ~*; **4.** faedah, guna, manfaat: *cuba kaufikir, apa ~nya mengasihi orang yg tidak mengasihi kita*;
~ atas kertas (Eko) untung yg belum nyata yg diperoleh pelabur disebabkan kenaikan harga asal saham yg dimilikinya, dan keuntungan sebenar akan hanya diperoleh apabila saham tersebut dijual; ~ baik (buruk) nasib baik (buruk); ~ batu ki nasib yg buruk (sial); ~ bersih laba yg diperoleh setelah ditolak segala bayaran (perbelanjaan, cukai, dll); ~ besar laba yg banyak; ~ kasar laba sebelum ditolak segala perbelanjaan (cukai dll); ~ malang a) nasib yg buruk (sial, celaka); b) nasib; ~ modal (Eko) laba modal; ~ nasib nasib badan; ~ rugi a) laba atau rugi; b) manfaat atau mudarat; ~ sabut ki nasib yg selalunya baik (mujur); ~ sebelum cukai (Eko) keuntungan yg diperoleh oleh syarikat sebelum ditolak cukai yg berkaitan;

~ *ada, tuah tidak* prb a) pulang pokok sahaja; b) seseorang yg mendapat sesuatu perolehan atau kelabaaan tetapi dgn segera juga balik menjadi rugi dan hilang pendapatannya; ~ *melambung, malang menimpa* prb seseorang yg mengalami kemalangan dan hilang pengharapan serta beroleh kesusahan pula; ~ *sabut timbul, ~ batu tenggelam* prb jika bernasib baik, selamat, jika bernasib malang, binasalah; ~ *sepanjang jalan, malang sekejap mata* prb kemalangan itu datangnya dgn tiba-tiba sahaja (sebab itu orang harus selalu berhati-hati); ~ *tak dapat diraih, malang tak dapat ditolak* prb nasib seseorang itu tidak dapat diubah; *harapan si ~ menggamit, kain di badan didedahkan* prb kerana mengharapkan laba yg besar tetapi belum tentu dapat, lalu laba yg kecil tetapi sudah pasti, dilepaskan;

untung-untung 1. barangkali (akan), kalau mujur, kalau-kalau: *cubalah kakak ceritakan, ~ adik kakak yg buruk ini dapat melegakan fikiran kakak*; **2.** ada juga baiknya (barangkali) kerana, nasib baik barangkali kerana, mudah-mudahan: *biarlah dia menipu aku, ~ terbuka mataku*;

untung-untungan jika untung baik dan jika nasib malang binasa, jika untung baik dan jika tidak untung apa boleh buat, terserah (berserah) kpd nasib, nasib-nasiban: ~ *mengerjakan pekerjaan yg besar bahayanya; 'kasihanilah kami, bawalah kami ke kampung abang,' Kamal bersuara ~*;

beruntung 1. memperoleh untung, mendapat laba: *bukan dia sahaja yg ~ begitu, banyak lagi orang kita yg lain-lain*; **2.** bernasib baik, bahagia, mujur: *siapa ~, dialah menang*; **3.** berjaya, berhasil;

menguntungkan 1. mendatangkan untung (laba), memberi untung (kpd): *perniagaan secara bersendirian ialah perniagaan yg*

paling ~ atau merugikan; 2. menyebabkan beruntung (berbahagia, mujur), mendatangkan bahagia, memanfaatkan: kalau orang itu pandai serta rajin, dia akan ~ masyarakat; 3. memberi faedah, berguna, bermanfaat: keadaan dalam negeri telah memberikan kemungkinan yg lebih ~ utk mengadakan revolusi;

keuntungan 1. = **keberuntungan** perihal beruntung (nasib baik), kebahagiaan, kemujuran: *tidak ada apa-apa lagi yg menggores hati mereka, inilah satu ~ bagi mereka dua suami isteri; 2. laba, untung: takkan mungkin orang berniaga mahu mengelakkan ~; 3. (sesuatu) yg mendatangkan untung, manfaat: dgn itu, berakhirlah istiadat yg telah menjadi tradisi masyarakat Melayu, adat yg tidak memberi apa-apa ~;*

peruntungan untung nasib (diri seseorang), nasib, untung malang: *menitik air matanya mengenang-ngenang ~ saudaranya;*

seperuntungan sama peruntungan, senasib: *Cik Yon yg telah dipandangnyanya sbg belahan dirinya, yg dianggapnya sbg kongsi ~, akan bercerai daripadanya.*

untut 1. penyakit bengkak pd kaki (kerana kurang makan, menderita penyakit beriberi, dll); **2.** (Ubat) penyakit yg menyebabkan anggota badan, terutamanya kaki, membengkak dan kulit menjadi tebal akibat jangkitan cacing filaria, sakit gajah, elephantiasis; *harapkan si ~ menggamit, kain koyak diupahkan prb percaya kpd orang yg malas; kaki ~ dipakaikan gelang prb maksud hendak memperelok tetapi menjadi bertambah buruk; lain yg bengkak, maka yg bernanah lain, yg ~ lain, yg mengisut lain prb lain yg bersalah, lain yg kena hukum.*

unyai Mn; **berunyai, berunyai-unyai** sengaja membuat sesuatu lambat-lambat, sedikit demi sedikit, berlambat-lambat, berlengah-lengah; *~ bak hujan pagi prb a) mesyuarat atau percakapan yg tidak*

penting tetapi berpanjang-panjang; b) pekerjaan yg dikerjakan lambat-lambat dan terhenti-henti pada hal dapat dikerjakan dgn lekas;

mengunyai mengerjakan sesuatu dgn lambat-lambat.

unyi □ → □ **huni**.

upa- Id *awalan asing* yg di bawah, pembantu, mis *upaduta*.

upacara **1.** alat kerajaan, tanda kebesaran (pedang, payung, dll); **2.** majlis menurut adat (kebiasaan, agama), keramaian atau peralatan (menurut adat): *seisi negeri menyaksikan ~ perkahwinan tersebut*; **3.** seluruh perbuatan yg dilakukan menurut peraturan dan istiadat tertentu (utk merasmikan, memperingati, merayakan, melantik, dll): *~ penobatan*; *~ perasmian persidangan*; **4.** sl perihal menghormati dgn rasmi (tetamu dll), penghormatan rasmi.

upaduta sl penolong (naib, timbalan) duta besar.

upah wang dll yg diberikan kpd orang yg disuruh mengerjakan sesuatu, bayaran sbg pembalas jasa, ganjaran utk tenaga orang yg telah digunakan: *aku diberi ~ seringggit utk mengangkat beg*; *~ bidan* upah yg diberikan kpd bidan; *makan (mengambil) ~ a)* bekerja dgn mendapat upah; b) menerima upah kerana mengerjakan sesuatu; c) ki menerima rasuah, makan suap;

berupah (melakukan sesuatu) dgn mendapat upah, menerima upah, dgn upah: *dia sendiri juga membawa makanan dan segala perkakas itu dgn tiada ~*;

mengupah menyuruh membuat sesuatu pekerjaan dgn membayar upah, menyuruh bekerja dgn memberi upah: *maka datanglah mereka itu ke rumah nenekku ~ menulis Quran*;

mengupahi membayar upah kpd: *mereka telah diupahi membakar rumah itu*;

mengupahkan menyuruh orang mengerjakan sesuatu dgn membayar upah: *kpd siapa engkau upahkan menjahit baju engkau?*

upahan 1. = *orang* ~ orang yg bekerja dgn mendapat upah, orang gaji; **2.** orang yg diupah; *askar (tentera)* ~ askar yg berkhidmat kerana upah; **3.** upah;

pengupah orang yg memberi upah: *maka kuranglah ~ di dalam negeri itu dan jadi piciklah rezekinya.*

upak ark; **mengupak 1.** menyalakan kembali api yg hampir padam, memarakkan api; **2.** ki membangkitkan kemarahan, menghasut.

upam; mengupam menjadikan berkilat (emas dll), menggilapkan, mengilatkan, mengilaukan: *Seri Bija Diraja juga yg tiada bergerak dr tempatnya, duduk ~ hulu kerisnya;*

terupam sudah diupam, berkilat: *pd lehernya penuh genta drpd suasa yg ~;*

upaman 1. yg sudah diupam, barang yg diupam; **2.** cara mengupam;

pengupam 1. alat yg digunakan utk mengupam; **2.** orang yg mengupam.

upan sj burung, serai-serai, *Melanochlora sultanea flavocristata.*

upar; mengupar, menguparkan menggenteli dgn telapak tangan.

upas I racun yg berasal drpd pokok (ipuh dll); *pohon* ~ sj tumbuhan (pokok yg menghasilkan racun), *Antiaris toxicaria;*
makan ~ berulam racun prb sentiasa hidup dlm kesusahan.

upas II □ → **opas.**

upat I □ → □ **umpat I.**

upat II sj tumbuhan (rumpai), kerunung padi, metubung, telur ikan, *Panicum repens (trigonum).*

upau C □ → □ **pau II.**

upaya usaha utk mencapai sesuatu tujuan, daya usaha, akal, ikhtiar:
kalaupunlah segala apa yg diberikannya selama ini masih belum dapat menjamin kecintaannya, maka habislah ~;

seupaya-upaya, seupaya-upayanya setakat mana yg terdaya, seboleh-bolehnya, sedapat-dapatnya;

berupaya 1. berusaha dgn sekuat tenaga, berdaya upaya; 2. berkebolehan, berkemampuan, mampu, dapat, sanggup: *menteri yg berkenaan sama sekali tidak ~ mencegah kenaikan harga barang keperluan sehari-hari;*

mengupayakan 1. mencari jalan (agar), mengikhtiarkan, mengusahakan; 2. mengambil tindakan (supaya); 3. menjadikan berupaya (mampu, boleh, dapat dsb) mencapai sesuatu, membolehkan: *penerbitan senarai istilah, buku istilah dan glosari sesungguhnya telah ~ bahasa Melayu menjadi sbg wahana bagi semua bidang ilmu pengetahuan, khususnya sains dan teknologi; struktur organisasi yg ada kini hanya ~ pelaksanaan peranan secara reaktif;*

terupaya sanggup, mampu; *tidak ~ tidak sanggup (mampu);*

keupayaan kesanggupan (kebolehan) utk mencapai atau melakukan sesuatu, kemampuan: *kanak-kanak mempunyai perangai, kecenderungan, dan ~ yg berbeza; bahasa itu sendiri perlulah mempunyai ~ utk menjadi sebuah bahasa moden;*

berkeupayaan mempunyai keupayaan: *satu variasi yg lengkap dan sempurna, ~ memperkatakan semua gejala dlm masyarakat kita;*

ketidakupayaan perihal (sifat dsb) tidak berupaya, perihal tidak ada keupayaan: *~ penulis utk menjadi tokoh atau pemimpin politik;*

pengupayaan perihal (perbuatan, tindakan, usaha dsb) menjadikan berupaya (berkemampuan, berkebolehan dsb) utk mencapai sesuatu: *sistem yg lebih menekankan proses ~ ini telah menjadi teras kpd pembinaan keusahawanan; isu yg lebih penting ialah ~ golongan miskin ini utk mempunyai pendapatan yg lebih tinggi.*

upet Jw tali api-api (drpd sabut dll), tunam.

upeti □ → □ **ufti**.

upholsteri fabrik dan bahan-bahan lain utk membalut kerusi, sofa dsb.

upiah; *burung* ~ burung upih.

upih I pangkal pelepah yg lebar dan tipis (pd pokok palma spt pinang dll); *rupa ~ disiat* ki pucat benar;

mengupih ki sudah tua benar (pakaian dll).

upih II; *burung* ~ = **upih-upih** a) sj burung, burung upiha, *Ibis cinereus*;
b) sj burung, *Ibis leucocephalus*.

upik Mn = *si* ~ panggilan kpd anak perempuan: *hai ~, baru kelmarin kau memakan garam dunia, kau belum tahu belit-belitnya; si ~ jantan* perempuan yg berkelakuan spt lelaki;
belum tentu si ~ si buyungnya prb belum tentu keputusan (kesudahan) sesuatu perkara.

UPKO akronim bagi *United Pasok-Momogun Kadazan Organisation* (Pertubuhan Pasok-Momogun Kadazan Bersatu).

UPM kep Universiti Putra Malaysia (dahulunya Universiti Pertanian Malaysia).

UPP kep Unit Pencegah Penyeludupan.

UPSI akronim bagi Universiti Pendidikan Sultan Idris (dahulunya Maktab Perguruan Sultan Idris).

upsilon huruf ke-20 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Υ, υ .

UPSR kep Ujian Penilaian Sekolah Rendah.

urah Mn; **mengurah** **1.** meruntuhkan (merombak, membongkar) timbunan dll; **2.** membuka ikatan dll, menguraikan; **3.** menceritakan sesuatu, mengisahkan, meriwayatkan.

urai **1.** tidak pukal atau padat, berbutir-butir; *emas* ~ emas yg berbutir-butir halus; **2.** lepas terbuka, tidak terikat (bersimpul, bertaut, dsb), bercerai-cerai;

ilmu ~ Id kaji bina tubuh, anatomi;

berurai **1.** (menjadi, dlm keadaan) lepas terbuka (tidak bersimpul, berjalinan, dsb), bercerai-cerai; **2.** = **beruraian** berderai-derai, bercucuran: ~ *air matanya*; *keringatnya beruraian*;

mengurai **1.** menjadi lepas terbuka (tidak bersimpul atau terikat dsb), berurai, menghurai; **2.** (menjadi) mekar terbuka: *rambut* yg ~; *mayang* ~; **3.** = **menguraikan**;

menguraikan **1.** membuka simpul (tali, ikatan, bungkusan, dsb), menghuraikan; **2.** menceraikan atau memutuskan (hubungan, ikatan, dsb); ~ *janji* membatalkan janji (perjanjian); ~ *nikah* Mn menceraikan isteri; **3.** memecahkan kpd unsur atau jujuk yg menjadi bahagian-bahagian sesuatu (spt sebatian dll): *air boleh diuraikan menjadi hidrogen dan oksigen*;

terurai **1.** sudah diuraikan (ikatan, rambut, dll), terhurai; **2.** sudah diceraikan (hubungan, ikatan, dsb): *ikatan janji setia yg tersimpul dgn teguh dan tidak akan* ~; **3.** sudah dipecahkan kpd atau pecah menjadi unsur-unsur atau bahagian-bahagiannya (yg kecil-kecil);

penguraian perihal menguraikan, perbuatan dsb memecahkan kpd unsur-unsur dsb sesuatu; □ → □ **hurai**.

urang; *kayu* ~ sj tumbuhan (pokok), *Erythroxylon cuneatum*.

urang-arang □ orang-arang.

uranium (Kim) sj unsur logam yg radioaktif, berwarna putih keperakan, dan digunakan utk menghasilkan tenaga nuklear, senjata nuklear, dll.

uran-uran Jw sj nyanyian, tembang.

Uranus planet yg ketujuh jauhnya dr matahari.

urap I sj bedak cair yg kuning warnanya dan berbau harum, bedak wangi yg cair, boreh;

berurap-urap, berurap-urapan berpupur dgn urap, berlumas dgn urap: *ia berkain segara kuning, bersunting bunga semandarsah, berurap-urapan hingga leher;*

mengurap, mengurapi memupurkan badan dgn urap, melumasi badan dgn urap;

mengurap-urap menggosok-gosok, menyapu-nyapu akan: *tidak ada lagi yg akan ~ kepalaku yg telah beruban dgn tangan yg lembut;*

mengurapkan menyapukan, menggosokkan: *maka sapu tangan itu diurapkan ke muka perempuan itu;*

urapan, urap-urapan (sesuatu) yg digunakan utk mengurap: *kelembak kesturi urap-urapan.*

urap II kelapa yg diparut serta dirempahi (utk dimakan dgn ubi dll); *pulut ~ pulut yg dibubuhi (dicampuri) urap;*

mengurap mencampuri (membubuhi) urap.

uras 1. Mn sj ubat yg dilumas pd tubuh, air ubat, param; **2.** sihat, sembuh (drpd sakit);

beruras 1. menggunakan uras sbg ubat, mengubati dgn uras; **2.** ki dihiburkan atau dipersenang (hati dll);

bagai ~ katang-katang prb perihal orang yg sedang panas hati (hendak berkelahi);

menguras, mengurasi 1. melumas badan dgn uras, mengubati (dgn uras); **2.** menyembuhkan, mengubatkan;

menguraskan melumaskan uras, menggunakan sesuatu sbg uras (ubat).

urat I 1. = ~ *darah* saluran kecil-kecil dlm tubuh yg membawa (mengalirkan) darah, pembuluh darah; **2.** = ~ *daging* tisu pd daging yg halus spt benang; **3.** gumpalan daging yg menggerakkan bahagian badan, otot; **4.** = ~ *saraf* tisu yg menjadi alat perasa, asabat; **5.** garisan-garisan yg kelihatan pd permukaan kayu, (batu marmar dll); **6.** serat yg terdapat pd kayu, tisu pd tumbuh-tumbuhan; **7.** tulang daun: *daun pokok ini mempunyai ~ yg selari antara satu sama lain*; **8.** akar (pd tumbuh-tumbuhan); **9.** penjodoh bilangan utk gelang atau benda yg kecil (halus) dan panjang (spt rotan dll): *di pergelangan tangannya membelit dua ~ gelang halus diperbuat drpd emas*; **10.** ki asal mula (sesuatu hal), pokok pangkal;

~ *amris* urat di kiri kanan batang leher; ~ *benang* jalur benang (pd jahitan); ~ *belikat* otot pd belikat; ~ *daun* tulang-tulang daun; ~ *daya* garisan (titik-titik, jaluran) yg menunjukkan aliran tenaga dll; ~ *kata* akar kata; ~ *keting* otot di atas tumit; ~ *leher* otot pd leher; ~ *nadi* saluran darah yg berdenyut pd pergelangan tangan; ~ *pengetul* otot pd lengan (atau kaki) utk melipatkan lengan (atau kaki); ~ *tendon* sj tisu yg menghubungkan otot dgn tulang; ~ *tunggal* = ~ *tunggang* akar tunjang (pd tumbuh-tumbuhan);

menghendaki ~ *lesung* prb *menghendaki* sesuatu yg tidak mungkin akan dapat; *nan berseluk* ~, *nan berjumbai akar*, *nan berlambai pucuk* prb Mn orang yg berkaum menurut adat;

berurat 1. mempunyai urat; **2.** mempunyai akar, berakar: *ke atas tidak berpucuk, ke bawah tidak ~; ~ berakar* a) sudah mendalam benar (perasaan dll); b) sudah lama (di sesuatu tempat dll); *berhati baja, ~ kawat* prb orang yg tabah serta keras hati.

urat II; *daun* ~ sj tumbuhan (herba), *Plantago major*.

urat III bahagian tubuh yg haram didedahkan (menurut agama Islam); *gila* ~ lelaki yg gila perempuan; → □ **aurat**.

urat IV; **mengurat** mengusik-ngusik perempuan (utk memikat), mengganggu perempuan: *buruh-buruh yg ramai turun dr lori bersiul-siul ~ Rokiah* □.

urat-urat; *akar* ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar sagu paya, bunga petaya, *Dalbergia stercoracea*.

uraturia (Ubat) kehadiran asid urik yg berlebihan dlm air kencing.

ura-ura 1. sl mesyuarat, perbincangan, perundingan, pembicaraan; **2.** cadangan, usul: *ada ~ persatuan itu mahu menubuhkan kedai syarikat kerjasama;*

berura-ura 1. sl bermesyuarat, berbincang, berunding; **2.** merancang-rancang, bercadang, bermaksud, bertujuan: *pernah juga dia ~ hendak menulis cerita berdasarkan percintaan guru sama guru; negara-negara di rantau ini tidak ~ hendak menubuhkan pakatan tentera;*

mengura-urakan 1. = **memperura-urakan** membicarakan, membincangkan: *akan pekerjaan ini jangan kita perura-urakan kerana rakyat yg mengeliling kota ini suka juga;* **2.** merancang-rancangkan, mencadangkan, mengusulkan: *persidangan itu diura-urakan oleh Parti Rakyat.*

urbanisasi proses, usaha, dsb menjadikan sesuatu keadaan, kawasan, dsb bersifat bandar, pemandaran: *begitu juga hasil drpd industrialisasi dan ~, berlakunya perhijrahan dr desa ke kota;*

mengurbanisasikan menjadikan sesuatu kawasan itu bandar, membandarkan.

urdi perintah; □ → **ordi, rodi**.

Urdu bahasa rasmi di Pakistan, yg juga merupakan bahasa utama terutamanya di kalangan penduduk Islam di India.

urea (uréa) (Kim) sj sebatian berhablur yg mengandungi ammonia dan karbon dioksida (biasanya terdapat dlm air kencing); *baja* ~ sj baja buatan drpd urea dll.

uremia (urémia) (Ubat) keadaan apabila kepekatan urea dlm darah melebihi paras normal.

ureter (uréter) (Bio) saluran yg membawa air kencing dr buah pinggang ke pundi kencing.

ureterektomi (uréteréktomi) (Ubat) pembuangan seluruh atau sebahagian ureter secara pembedahan.

uretra (urétra) (Bio) saluran yg menyalirkan air kencing dr pundi kencing ke luar tubuh, salur kencing.

uretritis (urétritis) (Ubat) radang pd uretra.

uri I tembuni.

uri II; menguri berpusing ligat (bkn gasing).

urian Ar sl telanjang bulat, bogel.

uribang Jk; *kembang* ~ bunga raya.

urik Jk; **mengurik, mengurik-urik** mengorek-ngorek dgn benda yg kecil.

urin (Ubat) air kencing.

uring I Jk; **uring-uring, uring-uringan** marah-marah (dgn mengomel dll).

uring II Mn alur yg letaknya di antara bibir atas dgn hidung, oreng.

urip Jw, sl hidup.

uris Mn baris, garis, gores;

beruris-uris berbaris-baris, bergaris-garis, bergores-gores.

urit, urita ark berita, warta: *~nya baginda beristerikan puteri bongsu.*

uritan Jw ibu (bakal) telur.

urna sl warna.

urologi cabang ilmu perubatan yg berkaitan dgn fisiologi, penyakit, dan rawatan saluran kencing.

urtikaria (Ubat) tindak balas alergi pd kulit yg ditandai dgn letusan bintat merah yg gatal.

uruk Jk; **menguruk 1.** menimbun atau menimbus (dgn tanah dll): *burung itu mengangkut kayu dan batu dr Bukit Barat utk ~ laut; 2.* membumbun atau menambun (pangkal pokok).

urung tidak jadi (permainan dll), batal: *maka ~lah maksud orang itu drpd memiliki tanah itu; tidak ~ tidak boleh tidak;*

mengurungkan menjadikan tidak jadi, membatalkan (maksud, tujuan, dll): *maksud hendak berjalan keluar diurungkan.*

urup; urup-urup; kedai ~ kedai tempat menukar wang;

mengurup 1. sl menukar wang (wang besar dgn wang kecil dll);

2. menukar barang dgn barang (dlm perdagangan dll);

urup-urupan berniaga dgn menukar-nukar barang dagangan;

pengurup penukar wang.

urus; ~ janji hal yg berkaitan dgn urusan perniagaan; *salah ~ tidak dikelolakan (diselanggarakan) dgn baik atau teratur; tidak ~ tidak terpelihara (teratur);*

berurus 1. berhubungan utk menyelesaikan sesuatu perkara dll: *Pak Utih belum pernah sekali pun datang ~ ke pejabat Pak Busu yg baru itu; 2.* dijaga (terpelihara) dgn baik, tersusun rapi: *tidak ~ kamar ini; rambutnya tidak ~;*

mengurus 1. menjaga supaya rapi, mengatur, mengemaskan, menyusun: *rambutnya jarang diurus baik-baik; 2.* mengatur

(menyelenggarakan) sesuatu supaya sempurna; = **menguruskan** mengendalikan sesuatu supaya teratur (sempurna dll): *dia sudah tua, tidak ada siapa yg ~ kebun getahnya; penduduk kampung yg masih hiduplah yg ~ mayat itu*; **3.** menjaga baik-baik (supaya selamat, sempurna, dll), memelihara, mengawasi (rumah, kebun, dll): *anaknyanya yg tua telah pergi mengambil kain cucian, sedang isterinya ~ anaknyanya yg kecil di rumah; anak perempuan juga perlu diberi pelajaran mengenai ilmu ~ rumah tangga*; **4.** = **menguruskan** menyelenggarakan supaya berjalan dsb dgn baik (perniagaan, perdagangan, dll), memimpin dan mengatur (perjalanan sesuatu perbadanan dll), mengelolakan, menjalankan: *suami tidak berhak ~ harta benda isterinya melainkan setelah mendapat izin daripadanya atau diwakilkan kepadanya; permintaannya itu tidak diuruskan oleh ibu bapanya; pegawai-pegawainya ramai utk ~ hal-hal spt itu*; **5.** menyiasat atau menyelidiki sesuatu perkara, mengendalikan sesuatu perkara (supaya sempurna), menyelesaikan (perselisihan dll): *hal pembunuhan itu sedang diurus oleh polis*;

terurus sudah diurus, terjaga (terpelihara) dgn baik: *mereka melihat rambut yg tidak ~; kesibukan jalan raya hampir tidak ~ oleh polis trafik*;

teruruskan dapat diuruskan: *kalau tidak ~, saya akan membincangkan hal itu melalui PIBG*;

urusan 1. sesuatu yg diurus, pekerjaan dsb yg harus diuruskan: *Muluk tidak peduli, dia ada ~ penting di Pulau Pinang; Islam membebaskan juga perempuan memegang sebarang jawatan dan mengurus sebarang ~ sekalipun di luar rumahnya*; **2.** hal (perkara, soal, dll) yg perlu diberi perhatian atau diuruskan: *saya datang ke mari kerana ada ~ penting*; **3.** sesuatu yg ada kaitannya dgn

(pekerjaan, tugas, dll), segala yg bersangkutan paut dgn (sesuatu): *guru besar hanya menjalankan ~~~ sekolah sahaja sedangkan kerja-kerja pejabat dibuat oleh seorang kerani*; **4.** pengelolaan, penyelenggaraan: *kerana ~nya tidak betul, syarikat itu telah jatuh bankrap*;

~ *peribadi* hal-hal yg berkaitan dgn diri seseorang; ~ *rumah tangga* segala sesuatu yg mengenai rumah tangga; ~ *umum* urusan mengenai berbagai-bagai hal;

berurus; berurusan **1.** mengadakan hubungan (dgn), berhubungan (dgn): *negara itu tidak akan ~ lagi dgn badan-badan khusus Bangsa-Bangsa Bersatu spt UNICEF, FAO, dan UNESCO*; *ini orang Afrika Selatan yg pertama kali ~ dgn aku*; **2.** turut campur (dlm sesuatu hal), ikut serta (mencampuri): *aku tidak mahu ~ dgn hal keluarga engkau*; **3.** mempunyai urusan (dgn), ada kaitannya (dgn), ada sangkut-paut (dgn), bersangkutan-paut (dgn): *mereka telah terbukti ~ dgn penyeludupan candu itu*; **4.** mempunyai sesuatu perkara dll yg harus diselesaikan (dgn sesuatu pihak dll): *dia segan ~ dgn polis mengenai perkara itu*; **5.** mengelolakan (memberi perhatian kpd) sesuatu, mempunyai kerja (tugas dll): *mereka ~ dgn hal masing-masing*;

keurus, keurusan Jk; *tidak ~* tidak terpelihara (dijaga, diurus) dgn baik;

pengurusan perihal (kerja dsb) mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan, dll): *pentadbiran dan ~ surau atau masjid dikendalikan oleh jawatankuasa yg dipilih oleh penduduk mukim atau kampung*;

kepengurusan (hal-hal) yg berkaitan dgn cara mengurus sesuatu, selok-belok kerja dan tanggungjawab pengurus: *kerajaan Jepun*

telah berjaya mewujudkan sistem ~nya sendiri seiring dgn kemajuan teknologi;

pengurus 1. (orang dll) yg mengurus, (orang dll) yg menjalankan pengurusan: *dia telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa ~ perayaan hari kebangsaan;* **2.** orang yg mengendalikan perjalanan sehari-hari syarikat perniagaan dsb: *pentadbiran syarikat diserahkan kpd seorang ~ dan sebuah jawatankuasa;*

~ agung = ~ besar pengurus yg tertinggi, pucuk pimpinan (syarikat dll); *~ harian* pengurus yg menjalankan tugas hari-hari; *~ lini* pengurus yg bertanggungjawab merancang, mengurus, mengeluarkan dan memasarkan produk atau perkhidmatan sesebuah organisasi: *perancangan merupakan fungsi utama ~ lini;* *~ syarikat* orang yg menguruskan (mengendalikan) sesebuah syarikat.

urus niaga urusan perniagaan, kegiatan jual beli;

berurus niaga berurusan jual beli: *kecemerlangan ~; peniaga Jerman dikehendaki mendapatkan lesen utk ~ dgn firma asing;*

mengurusniagakan menjalankan kegiatan jual beli (perniagaan dsb): *sejumlah 9000 unit saham Metrojaya diurusniagakan sebaik sahaja pasaran dibuka.*

urus setia 1. = *pejabat ~ pejabat* yg bertanggungjawab tentang kerja-kerja kesetiausahaan, perkeranian, dan pentadbiran sesebuah badan perundangan, majlis atau pertubuhan antarabangsa, sekretariat; **2.** kakitangan pejabat urus setia, sekretariat; **3.** bangunan atau bilik tempat pejabat urus setia ditempatkan, sekretariat;

berurus setia mempunyai urus setia (sekretariat);

keurusetiaan (segala hal) yg berkaitan dgn tugas, fungsi, aktiviti dsb urus setia: *utk membincangkan dan menyelaraskan hal-hal yg berkaitan dgn ~ sidang MABBIM yg akan datang.*

urus-urus Jw **1.** sj ubat pencuci perut, ubat pencahar; **2.** mencuci perut dgn minum ubat pencahar; → **purus II.**

urut I; *minyak ~ minyak angin dll yg digunakan ketika memicit atau menggosok badan; rumah ~ rumah tempat orang dipicit-picit atau diramas-ramas badannya; tukang ~ tukang picit (badan), orang yg memicit-micit (meramas-ramas dsb) badan seseorang atau tempat-tempat yg bengkok (terseliuh dll);*

berurut (sedang) dipicit-picit (badan), diramas-ramas (badan): *barangkali sudah tidak banyak orang yg ingin ~ atau barangkali tangan orang tua itu sudah tidak kuat lagi;*

mengurut 1. memicit-micit dan menggosok-gosok (badan orang) dgn tangan, mesin dsb (utk menyegarkan, menyembuhkan, dll), menekan-nekan dan menggosok dgn jari: *orang yg diurut itu berasa segar; 2.* menggosok perlahan-lahan dgn tangan (utk membelai dll), mengelus-ngelus, mengusap-usap: *dia ~ bahu anaknya, membetulkan rambut panjangnya, dan menasihatkan lagi; 3.* memicit dgn tangan dan kemudian melurut;

~ dada ki mengusap dada (kerana berasa kecewa, susah, dll); ~ kuduk ki membujuk-bujuk;

mengurut-urut mengurut berulang kali: *tangannya pula turut ~ dada ibunya;*

mengurutkan menggosokkan, mengusapkan: *ia minta hamba ~ lengannya yg terseliuh;*

urutan 1. gerakan tangan, mesin dsb utk mengurut bagi melegakan rasa sakit, mengurangkan ketegangan otot, melancarkan peredaran darah dsb: *dia melakukan ~ uk*

merangsang peredaran darah; 2. hasil mengurut: ~nya melegakan rasa lenguh;

pengurutan perbuatan dsb mengurut: *~ pd otot-otot, bermula dr ibu kaki;*

pengurut **1.** orang yg mengurut, tukang urut: *dia ~ yg berpengalaman; 2.* alat utk mengurut (anggota badan dsb): *setiap bilik itu dilengkapi ~ kaki utk melegakan badan.*

urut II; angka (nombor) ~ angka (nombor) yg berturut-turut;

berurut-urut, berurut-urutan berturut-turut (nombor, bilangan, dll), beriring-iringan, beruntun-runtun;

urutan susunan (kejadian) yg berturut-turut, susunan yg teratur, rentetan: *~ peristiwa dlm T.N. kadangkala mengelirukan kerana susunannya tidak teratur; menghadapi berbagai-bagai cabaran dan dugaan, mengalami bermacam ~ peristiwa serta menerima berbagai-bagai perubahan.*

usah **1.** mustahak, perlu: *tak ~lah bimbang, kami datang hanya menyampaikan perintah menyuruh kakak datang ke balai polis; 2.* jangan: *~ menangis, bawalah bertenang; ~ dibimbangkan hal itu;*

usahkan **1.** jangankan: *wahai nenek, ~ kami berjumpa, mendengar namanya baru inilah; 2.* bukannya, jangankan, tidak pula: *makin lama ~ makin pandai, makin pula bodoh; 3.* daripada, dari.

usaha daya upaya (ikhtiar, kegiatan, perbuatan, dll) utk mencapai (melaksanakan, menyempurnakan) sesuatu: *rajin dan ~ adalah tangga kejayaan; sebelum Marsden, belum ada ~-~ utk menerbitkan teks dr naskhah Melayu lama secara ilmiah;*

badan ~ badan yg melaksanakan sesuatu (usaha) utk memperoleh hasil; ~ bersama pekerjaan yg dilakukan bersama; ~ campuran usaha oleh beberapa pihak yg tergabung; ~ kerajinan tangan pekerjaan tangan (spt membuat tikar, mengukir, dll); ~ niaga

usaha atau kegiatan perniagaan; ~ *perladangan (perlombongan)*
pekerjaan perladangan (perlombongan);

berusaha bekerja dgn giat utk mencapai (melaksanakan, menyempurnakan) sesuatu, berikhtiar, sedaya upaya (utk mencapai sesuatu), mengerjakan sesuatu usaha: *mereka ~ dgn sungguh-sungguh utk mencapai matlamat mereka; kerajaan ~ utk menambah hasil pengeluaran getah;*

mengusahakan **1.** melakukan (membuat) segala yg perlu (spt pekerjaan, kegiatan, ikhtiar, dll) utk mencapai (melaksanakan, menyempurnakan, dsb) sesuatu, mengerjakan sesuatu dgn sungguh-sungguh (supaya tercapai sesuatu), menyelenggarakan: *dia sendiri ~ terbitnya sebuah edisi Sejarah Melayu atas perhitungan bahasa semata-mata; kemajuan dan kemakmuran di pulau itu mestilah diusahakan bersama oleh kedua-dua bangsa itu;* **2.** mencari jalan (daya usaha dll) utk menyampaikan maksud (memperoleh sesuatu dsb), mengikhtiarkan, mengupayakan: *kita tidak lama lagi akan hidup spt orang baik-baik, aku sedang ~ wangnya;* **3.** = ~ *dirinya* bekerja (bergiat) dgn sungguh-sungguh (segenap tenaga), berusaha keras: *dia terlalu sangat rajin ~ dirinya dlm pelajaran;* **4.** mengurus sesuatu (pertubuhan dll) supaya berjalan dgn baik, menyelenggarakan: *jikalau perkara itu berkenaan dgn cukai maka Kementerian Kewanganlah yg akan ~nya;* **5.** menghasilkan, membuat, mengarang (buku dll), menyelenggarakan sehingga (selesai): *terjemahan ini telah diusahakan oleh saya sendiri;*

perusahaan **1.** pekerjaan (kegiatan dsb) secara besar-besaran utk membuat (menghasilkan, mengeluarkan) barang-barang, industri: ~ *batik di Kelantan; ~ gula;* **2.** pekerjaan berniaga secara besar-besaran, pekerjaan yg dilakukan utk mencari keuntungan: *oleh*

sebab kedai itu terlampau kecil, dia sekarang membuka ~ di gedung yg lebih besar;

~ berat perusahaan secara besar-besaran yg menghasilkan barang berat-berat spt bahan dasar utk perusahaan-perusahaan lain dll; ~ kecil perusahaan yg dikerjakan secara kecil-kecilan (tidak memerlukan modal atau alat kelengkapan yg banyak dsb);

pengusahaan perihal mengusahakan, pengerjaan, penyelenggaraan: *~ tanah;*

pengusaha **1.** orang yg mengusahakan sesuatu (perusahaan, kegiatan penghasilan, dsb): *~~ barang-barang kecil akan dapat menjual barang-barang mereka dgn harga pasaran yg agak lumayan;* **2.** = pengurus (sekolah dll), pengelola.

usaha sama perusahaan (kegiatan, penghasilan, perniagaan, dll) yg diusahakan bersama oleh dua atau beberapa pengusaha (syarikat dll) sbg suatu perkongsian.

usahawan orang yg mengusahakan sesuatu perusahaan, pengusaha;

keusahawanan (segala-gala) yg berkaitan dgn usahawan atau kegiatan dan kemahiran usahawan: *kita perlu mencari kaedah-kaedah baru guna membantu mempercepat pembangunan pengurusan dan pembangunan ~ di negara ini; kursus ~; sikap dan tabiat ~.*

usai **1.** sudah selesai (perayaan dll), berakhir, bubar: *orang yg berjalan di jalan-jalan raya hanya seorang-seorang sahaja, panggung-panggung wayang sudah ~;* **2.** tidak tersusun rapi, terurai (rambut dll): *dia membetul-betulkan rambutnya yg ~ dan sudah banyak putihnya;* **3.** sudah selesai (dikerjakan), beres, siap: *Saufi meneruskan kerjanya hingga ~ lantas terus baring dgn melurus-luruskan kaki;* **4.** sudah lampau, sudah berlalu: *suara auto tidak terdengar lagi dan pacu kuda sudah lama ~;*

mengusai 1. menjadi usai (perkumpulan dll), bercerai, bersurai, bubar: *sekalian hadirin pun ~*; **2.** = **mengusaikan** menjadikan bercerai-berai (berselerak, bersepah-sepah), membongkar, menceraai-ceraikan, menguraikan (rambut dll): *dibukanya almari itu, ia ~ baju-baju yg ada di dalamnya.*

usak menjadi kurang (berkurang), susut: *cintanya kpd gadis itu masih belum ~, walau sebesar rambut sekalipun;*

mengusaki menjadikan usak, mengurangi, menyusuti: *~ harta menyusutkan (menghabiskan) harta.*

usali yg mula-mula, yg asli: *meskipun adat nan ~ tidak boleh menerima menantu di luar kampung sendiri, aturan ini dikecualikan kpd menantu orang berasal usul.*

usalli Ar aku bersembahyang (niat yg dilafazkan pd permulaan sembahyang): *hilang saja gema takbir imam itu maka menderulah suara orang-orang ikut membaca ~ dgn kuat;*

berusalli menyebutkan niat pd permulaan sembahyang, menyebutkan usalli.

usam I hampas kelapa.

usam II ark kusam, suram.

usang 1. kering dan tidak berisi (padi), kersang (rambut, tembakau, dll); **2.** sudah lama benar, lama terpakai atau tersimpan: *tikar mengkuang yg sudah begitu ~*; **3.** sudah tidak biasa lagi dipakai (perkataan, barang, dll), kuno: *kata-kata ini memang kedengaran sangat gagah, tetapi telah terasa hampa, kerana ertinya sudah tidak lagi dikenal atau sudah ~; pendapat demikian sudah ~, tidak lagi sesuai sekarang;* **4.** tidak subur lagi (bkn tanah), kehabisan baja (bkn tanah);

~~~ *dibaharui* ki membaharui adat lama yg sudah lemah dgn menyesuaikan dgn keadaan baru; *adat lama pusaka* ~ Mn adat yg sudah turun-temurun;

**mengusang** menjadi usang;

**mengusangkan** membiarkan sesuatu menjadi usang (tidak subur lagi dsb): *katanya, cadangan ~ kawasan kelapa menyebabkan negara terpaksa bergantung kpd kelapa import*;

**keusangan** perihal (keadaan, sifat) usang.

**usap; mengusap** **1.** menyapu (menyeka) supaya kering, menghapuskan: *air matanya masih kelihatan bergenang di kelopak matanya, tidak diusap*; **2.** = **mengusapi** menggosok perlahan-lahan, membelai, mengelus-elus: *suamiku menyambut pemberian anak sulung kami sambil ~ pipinya; perlahan-lahan tangannya mengusapi dahi Karim*; ~ *dada* ki menggosok-gosok dada kerana kecewa dll; **3.** melumas (dgn cat dll), menyapu (dgn cat dll), menyelaputi: ~ *keris dgn pamor*.

**usar** sj tumbuhan (rumpai yg tinggi), *Andropogon zizahoides*.

**USDEK** (usdék) Id akronim bagi Undang-Undang Dasar 45, Sosialisme ala Indonesia, Demokrasi terpimpin, Ekonomi terpimpin, Keperibadian Indonesia (dasar-dasar politik bekas Presiden Soekarno).

**user-user** Jk pusat kepala, pusat-pusat;

**user-useran** user-user.

**usia** umur: *sudah lanjut pula ~nya; Utusan Melayu genap 49 tahun ~nya esok*; ~ *mental* (Ubat) tahap kecerdasan seseorang berdasarkan peringkat umurnya(diketahui melalui ujian kecerdasan);

**berusia** **1.** mempunyai usia, berumur: *beliau telah menjadi anggota parti ketika ~ 14 tahun*; **2.** = ~ *lanjut* (sudah) agak tua: *pengadil biasanya terdiri drpd orang-orang yg telah ~*.

**usik 1.** perbuatan mengganggu (mengacau) orang lain, gangguan: *jangan peduli sangat ~ orang itu*; **2.** ark tidak tenang, bergerak-gerak, lasak;

**berusik** dilakukan sesuatu padanya, diganggu, disentuh (dipegang, dijamah, dsb), dialihkan: *hutan di pantai Timur hampir tidak ~*;

**mengusik 1.** = **mengusik-usik** mengganggu (secara bermain-main), menggoda (tidak dgn sungguh-sungguh): *ia ~ dgn gurau jenaka*; **2.** = **mengusik-usik** menjamah (mengenai) sedikit, menyentuh, menyinggung: *jangan bagi orang ~ barang ini*; **3.** mengganggu (dgn maksud jahat), mengacau: *tidak tahu isteri orang yg diusik*; **4.** menyebut-nyebut sesuatu perkara, membangkit-bangkit, mengungkit-ungkit: *dlm kempen pilihan raya baru-baru ini, mereka telah ~ hak-hak orang Melayu*; **5.** mengkritik, mengecam;

**usik-mengusik** saling mengusik antara satu sama lain: *kami memang suka bergurau dan ~ apabila bertemu*;

**terusik 1.** telah diusik (diganggu, dicemari dsb): *di kawasan pedalaman itu masih terdapat banyak lubuk ikan yg belum ~*; **2.** ki tersentuh (terharu dsb) perasaan: *perasaannya mudah ~ apabila mendengar lagu itu*;

**usikan 1.** gangguan, ejekan, gurau senda: *ia tidak peduli akan ~ dan gurau senda kawan-kawannya*; **2.** celaan, kritikan;

**pengusik** orang yg (suka) mengusik, pengganggu.

**usil** Jk suka mengusik (mengganggu), gemar turut campur dlm hal orang lain, suka menjaga tepi kain orang; *tak mahu ~ tidak mahu masuk campur, tidak mengendahkan*;

**usilan** suka mengusik (mengganggu).

**usir; mengusir 1.** mengikut, memburu, mengejar: *bonda hamba pun tiada sempat naik ke sampan, sekaliannya berenangan ~ perahu*

yg lain; tiadalah diusirnya orang Melayu yg lari itu; **2.** menyuruh pergi dgn paksa, menghalau: *engkau usir aku spt ~ seekor anjing yg berkurap layaknya;*

~ *asap, meninggalkan api* prb melepaskan keuntungan kecil yg sudah tentu kerana mengharap keuntungan besar yg belum pasti;

**terusir** (telah) diusir: *peristiwa itu telah menyebabkan dia ~ dan terpisah drpd keluarganya;*

**usiran 1.** (orang dll) yg diusir: *orang ~;* **2.** sesuatu yg digunakan utk mengusir: *surat ~;*

**pengusiran** perbuatan mengusir (menghalau): *dlm cerita ini, terdapat cerita yg sama tentang ~ anak tiri dan kepulangannya dgn membawa hadiah-hadiah;*

**pengusir** orang yg mengusir, penghalau.

**USIS I** akronim bagi *United States Information Service* (Perkhidmatan Penerangan Amerika Syarikat).

**usis II** → **ucis.**

**uskup** paderi Kristian yg mengawasi sesuatu kawasan, wali gereja; ~ *besar (agung)* ketua dr segala paderi, paderi besar;

**keuskupan** kawasan pegangan uskup.

**uslub** Ar kaedah, cara: *berkhidmat utk kebenaran ialah ~ atau kaedah yg diperjuangkan oleh Islam.*

**USM** kep Universiti Sains Malaysia.

**USNO** akronim bagi *United Sabah National Organisation* (Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu).

**usrah** Ar perkumpulan yg melibatkan kegiatan agama spt perbincangan tentang sesuatu tajuk agama, dsb: *di kilang ini segala keperluan spt kenderaan utk mengikuti kuliah, ~, dan mendengar ceramah telah disediakan;*

**berusrah** mengikuti, mengadakan atau menyertai usrah: *manusia dikatakan akan lebih matang dan berwibawa jika rajin berbincang dan ~.*

**usta** sl tukang cukur.

**ustaz** Ar **1.** tuan; **2.** guru agama (lelaki).

**ustazah** Ar guru agama (perempuan).

**usuk** Jw (kayu) kasau.

**usul I 1.** mula, asal mula, asal; *bangsawan ~ bangsawan yg diwarisi (drpd nenek moyang); 2.* yg semula (sejati), yg asli: *ditanggalkannya baju panjang yg dipakainya itu, maka nampaklah ~ tubuhnya; 3.* ki sifat yg semula, kelakuan, perangai, tabiat;

*~ asal = asal ~ asal keturunan, salasilah; ~ bangsawan (budiman) yg bersifat bangsawan (budiman); ~ fikiran pokok (isi, asas) fikiran;*

*~ menunjukkan asal prb perangai menunjukkan bangsa (darjat); ~ ~, asal asal, asal jangan ditinggalkan prb dlm mengerjakan sesuatu patutlah diperhatikan benar-benar sejak pekerjaan itu dimulakan;*

**berusul** bermula (dr), berasal.

**usul II** pendapat dll yg dikemukakan utk dibincangkan (disetujui, diterima), anjuran, cadangan, saran: *mereka menerima segala ~ yg dikemukakan; ~ balasan cadangan sbg ganti cadangan yg telah lebih dahulu dikemukakan, cadangan balas;*

**mengusulkan** mengemukakan pendapat (supaya diterima atau disetujui), menganjurkan, mencadangkan, menyarankan: *aku ~ agar semua anggota memakai pakaian seragam;*

**pengusul** orang yg mengemukakan sesuatu usul, pencadang, penyarani.



**usul III;** ~ *periksa* penyelidikan yg cermat, soalan utk mengetahui (menyelidiki) sesuatu: *dgn tidak ~ periksa, ia mempercayainya;*  
**mengusul, mengusuli** memeriksai (dgn cermat), mengusut, menyelidiki;  
**pengusulan** perihal mengusul (dgn hati-hati), pemeriksaan, penyelidikan.

**usul IV;** *ilmu* ~ usuluddin.

**usuluddin** Ar suatu ilmu yg membicarakan akidah agama Islam yg berhubung dgn ketuhanan, kenabian, dan perkara-perkara yg ghaib (spt qadak dan qadar, hari akhirat, syurga, neraka, dsb), ilmu tauhid.

**usung; berusung 1.** pergi dgn ditandu, naik tandu, bertandu: *apabila raja berangkat hari raya ~, penghulu bendahari memegang kepala usungan yg di kanan; 2.* dipikul (diangkat) beramai-ramai;  
**mengusung 1.** membawa (orang) dgn menggunakan tandu, menandu: *Seri Udani pun diusung orang, dibawa kembali ke rumahnya; 2.* mengangkat (membawa) beramai-ramai: *baginda bertemu dgn si pencuri lima orang ~ satu peti berdua, yg tiga orang itu mengiringkan dia;*

**usungan 1.** alat utk mengusung (tandu dll): *orang besar-besar dibawa dlm ~ dan dikelilingi oleh pengiring-pengiring; 2.* benda yg diusung; **3.** alat yg terdiri drpd dua batang kayu, kanvas dsb utk mengusung orang yg sakit, cedera dsb dlm keadaan terbaring;

**berusungan** menggunakan usungan (ketika berjalan-jalan dll): *Laksamana dianugerahi usungan, ~ ia ke sana ke mari;*

**pengusungan** perihal mengusung;

**pengusung** orang yg membawa usungan.

**usus** tali perut (dr perut hingga ke pelepasan), perut muda; *panjang* ~ bp ki sabar; ~ *besar* bahagian tali perut yg menyalurkan sisa-sisa

makanan utk dikeluarkan (sbg najis), perut tua; ~ *buntu* bahagian tali perut (pd tempat pertemuan usus besar dan usus kecil) yg berbentuk pundi-pundi atau kantung; ~ *kecil* bahagian tali perut (di antara perut dgn usus besar) yg menghadamkan makanan dan menyerapkan zat-zat makanan ke dlm badan, perut muda.

**usut I** Jk; **usut-usut, mengusut** meraba-raba, merabai.

**usut II; mengusut** mencari keterangan (bukti dll), memeriksa (supaya ketahuan segala-galanya), menyelidiki: *barang siapa dicurigai, segera ditangkap dan dimasukkan ke dlm penjara dgn tidak diusut dan diperiksa lebih dahulu;*

**pengusutan** perihal mengusut, pemeriksaan, penyelidikan.

**uswah** Ar teladan, contoh (ikutan): *setiap apa yg dilakukan oleh nabi Ibrahim as adalah ~ kpd kamu; ~ hasanah* teladan yg baik.

**usyar** Pn, bp memerhati (biasanya buat beberapa ketika).

**usyur** Ar sepersepuluh drpd harta dll.

**utama 1.** penting sekali, terpenting: *beliau sering diberi peranan ~ dlm cerita-cerita sandiwara; ~ jiwa sl jiwa, sukma; air ~ jiwa sl air* yg boleh menghidupkan orang-orang yg mati ; *syarat ~ syarat* yg terpenting; **2.** paling baik, amat baik, terbaik: *kebenaran dan kejujuran itulah menjadi hakim ~;*

**mengutamakan 1.** menganggap lebih penting drpd yg lain, menganggap utama, mementingkan: *sistem ekonomi telah mula berubah drpd memiliki tanah kpd ~ wang;* **2.** menganggap penting hanya, menumpukan perhatian dll kpd: *seseorang itu mesti ~ diri sendiri dahulu baru orang lain;*

**terutama 1.** utama sekali, terpenting: *Hamzah menulis karangan-karangannya ~ utk orang yg tidak mengetahui bahasa Arab dan Parsi;* **2.** pertama sekali, asas (pokok): *tujuan kita yg ~ sekali ialah memajukan orang Melayu dlm bidang perniagaan;* **3.** lebih-

lebih lagi, apa lagi, teristimewa pula: *mustahaklah kita mengetahui sedikit sebanyak mengenai cabang-cabang sains yg lain ~ kajihayat, kimia, dan fizik*; **4.** lebih baik... (drpd), biarlah, remak: *maka ~ mati dgn nama yg baik drpd hidup dgn nama yg jahat*;

**keutamaan 1.** kelebihan drpd yg lain-lain tempat yg utama: *masalah menjaga keamanan negeri hendaklah diberi ~ dlm persidangan itu*; **2.** perihal utama, keistimewaan, keunggulan: *kalau manusia itu tidak mempunyai fikiran, hilanglah ~nya sbg makhluk yg tinggi*; **3.** kebaikan budi pekerti;

**pengutamaan** perihal mengutamakan: ~ *Bahasa Kebangsaan mestilah diterima oleh segala golongan.*

**utara I** arah hadapan kalau kita berdiri dgn kiri ke barat (kanan ke timur), mata angin yg bertentangan dgn selatan; *angin ~ angin yg bertiup dr sebelah utara*; *bintang ~ bintang kutub utara*; *musim ~ musim tengkujuh yg dibawa angin dr timur laut*;  
~ *barat laut* mata angin antara utara dgn barat laut; ~ *semata timur* = ~ *timur laut* mata angin antara utara dgn timur laut; ~ *tepat* utara betul.

**utara II; mengutarakan 1.** melahirkan apa yg tersemat di hati (pendapat, fikiran, dll), mengatakan, menyatakan: *banyak sekali yg dapat dibicarakan dan diutarakan mengenai novel ini*; **2.** mengemukakan (cadangan dll), membentangkan, mencadangkan: *dia ~ supaya Amerika memimpin dunia bebas selepas perang*; **3.** menunjukkan (bkn jarum jam);

**pengutaraan** perihal mengutarakan, huraian, keterangan, penjelasan.

**Utariid** planet yg paling dekat dgn matahari.

**utar-utar** sj perisai kecil yg bulat bentuknya.

**utas I** **1.** tali utk merangkaikan (manik, buah tasbih, dll), tali perangkai;  
**2.** penjodoh bilangan utk benda yg berurai (spt benang, tali, rantai, dll): *di lehernya tergantung se~ rantai suasa;*

**berutas;** ~ *permata* bergantung dgn permata, berantai permata.

**utas II** ark pandai, tukang.

**utau** Kd, Pl isyarat dgn menggunakan tangan.

**uterus** (Bio) tempat kandungan anak, rahim, peranakan.

**utih** **1.** Ph panggilan utk anak yg keempat; **2.** Pr nama timang-timangan utk anak yg keenam.

**utilitarian** **1.** bersifat membawa manfaat yg paling besar kpd seberapa ramai orang yg mungkin; **2.** lebih bertujuan utk kegunaan drpd sbg kemewahan, hiasan dsb (bkn barang, karya seni, dsb): *karya-karya yg dipamerkan termasuklah yg bersifat ~ dan bukan ~, yg berfungsi sbg hiasan dan alat kegunaan harian;* **3.** orang yg berpegang atau menyokong utilitarianisme.

**utilitarianisme** teori politik dan moral yg menyatakan bahawa matlamat semua peraturan hidup yg baik ialah utk mencapai kebahagiaan hidup yg paling tinggi bagi seberapa ramai orang yg mungkin, dan tindakan yg dianggap benar atau salah adalah atas dasar sama ada tindakan itu membantu atau menghalang pencapaian matlamat ini, faham utilitarian.

**utiliti** (Komp) perkakasan atau atur cara sampingan yg membantu dan memudahkan penggunaan sesebuah komputer atau atur cara.

**uting I** Kl; **menguting, mengutingkan** menghalakan (laras senapang dll), membidik.

**uting II** Tr anak padi yg dicabut dr tapak semaian dan diikat-ikat: *dia mencedung lapan ~ sepanjang pagi.*

**utit; mengutit** meniup (serunai, seruling): *maka nobat pun dipalulah dan nafiri pun diutitlah terlalu merdu bunyinya.*

**utk** kep untuk.

**UTM** kep Universiti Teknologi Malaysia.

**utopia** masyarakat (sistem pemerintahan, negara, keadaan, dll) yg ideal atau terlalu sempurna (iaitu merupakan sesuatu yg tidak mungkin dapat diwujudkan): *justeru itu amat tidak wajar dikejar dan dipertahankan suatu ~ kehidupan dlm lingkungan budaya kecil yg asing dan palsu.*

**utuh** **1.** tidak rosak (kemik, retak, sompek, dll), sempurna: *meja yg masih ~*; **2.** tidak berpecah-pecah, bulat, lengkap: *negara masih tetap ~, ekonomi kita berkembang terus;*

**seutuh** lengkap dan tidak kurang sedikit pun (tidak berpecah-pecah);

**keseutuhan** kesatuan;

**mengutuhkan** menjadikan utuh (lengkap, sempurna);

**keutuhan** perihal (sifat, keadaan) utuh, kebulatan, kesempurnaan: *menjaga ~ negara Malaysia; ~ bahasa Melayu sbg bahasa pengantar pendidikan memang jelas kelihatan pd hari ini.*

**utus** **I** sl suruhan, wakil: *adik Bendahara Paduka Raja, dititahkan Sultan Mansur Shah ~ ke benua China;*

**berutus** berkirim surat (berita, khabar): *lama kita tidak ~ ;*

**berutus-utusan** saling berkirim surat, (berita, khabar, dll): *sentiasalah ~ antara satu sama lain;*

**mengutus** **1.** menyuruh orang pergi (sbg ganti atau wakil diri), menghantar wakil (orang suruhan dll): *dlm tahun 1925, dia diutus Muhammadiyah ke Sumatera Barat;* **2.** mengirim (surat dll), menghantar: *mereka tidak pernah ~ surat; setinggi terima kasih kpd tuan kerana ~ kawat kpd saya;*

**utusan** orang (kumpulan orang) yg diutus, suruhan, wakil: *keempat-empat negeri itu ada menyuruh ~ ke negeri Siam;*

**perutusan 1.** kumpulan wakil (kerajaan dll), beberapa orang yg diutus, delegasi; **2.** berita (khabar dll) yg diutus: *Perdana Menteri hari ini telah mengirim ~ kpd Tuan Harold Wilson*; **3.** sesuatu yg (hendak) disampaikan atau dilahirkan: *sebenarnya tarian dan lain-lain itu adalah sistem lambang yg terkandung dalamnya bukan sahaja ~ idea bahkan nilai-nilai etos yg penting*; **4.** ucapan orang besar pd hari-hari penting, pesan, amanat: *perkara ini telah disentuh oleh PM dlm ~ tahun barunya*;

**pengutusan** perihal (perbuatan dsb) mengutus.

**utus II** sl **1.** mahir (dlm pekerjaan tangan), pandai; **2.** = orang ~ = **utusan** orang yg pandai bertukang, tukang: *maka dikirim oleh Sultan Rom drpd jenis ~ dan pandai yg tahu menuang bedil; yg pekerjaan ~, bukan pekerjaan kera prb orang yg suka mempedulikan pekerjaan orang lain itu biasanya akan ditimpa bencana kerana perangnya yg tidak baik.*

**u.u.** Id kep undang-undang.

**u.u.d.** Id kep undang-undang dasar.

**u.u.d.s.** Id kep undang-undang dasar sementara.

**UUM** kep Universiti Utara Malaysia.

**uvula** (Bio) anak tekak.

**uzlah, uzlat** Ar pengasingan diri drpd orang banyak;

**beruzlah** mengasingkan diri, berkhalwat: *hidup ~ adalah hidup yg penuh dgn kegembiraan utk bermunajat kpd Allah.*

**uzur 1.** lemah badan, berpenyakitan, sakit: *ia tidak dapat berjalan kerana ~; orang tua ~ orang yg sudah tua dan tidak berdaya bekerja berat (selalu sakit-sakit)*; **2.** sesuatu yg menyebabkan tidak dapat bekerja (berjalan dll), aral, halangan: *kalau tidak ~, saya akan datang juga*; **3.** ki a) datang bulan, haid; b) mengandung, hamil; **4.** ki, bp terlalu buruk keadaannya (barang-barang), hampir

tidak boleh dipakai lagi: *jala abang ini telah ~ benar, hendak digantikan dgn yg baharu, tidak ada modal pula; ~ syarii* uzur yg dibenarkan oleh syarak dlm melakukan sesuatu ibadah, kewajiban dsb;

**menguzurkan** membuat halangan, menghalangkan (diri); *jangan hendaknya encik ~ diri* jangan hendaknya encik berhalangan;

**keuzuran** perihal uzur: *kalau jiran kita itu mendapat ~, wajib kita memberi pertolongan kepadanya.*

**v** huruf ke-22 abjad Rumi.

**V** simbol kimia bagi vanadium.

**va** huruf ke-31 abjad Jawi.

**vadei** (vadéi) → **wade**.

**vagina** (Bio) liang peranakan, faraj.

**vaginitis** (Ubat) radang pd faraj yg ditandai rasa sakit dan keluarnya sejenis lelehan yg biasanya bernanah.

**vak** IB **1.** mata pelajaran; **2.** kecekapan yg khusus tentang sesuatu (pekerjaan dll), kejuruan, kemahiran.

**vakbond** IB kesatuan sekerja.

**vaksin** sediaan bakteria, virus, dll yg sudah mati atau dilemahkan utk disuntik atau ditanam ke dlm badan supaya menghasilkan daya tahan terhadap penyakit tertentu;

**memvaksin** menyuntik vaksin ke dlm tubuh seseorang atau haiwan utk melindunginya drpd sesuatu penyakit: *baru-baru ini, Kementerian Kesihatan telah melakukan kempen ~ penduduk di kampung itu;*

**pemvaksinan** proses (tindakan atau perbuatan) memvaksin, vaksinasi.

**vaksinasi** proses menyuntikkan vaksin ke dlm tubuh seseorang sbg langkah perlindungan mencegah sesuatu penyakit, pemvaksinan.

**vaksinologi** kajian tentang vaksin.

**vakum** **1.** ruang yg tidak mengandungi jirim (terutamanya ruang yg udaranya telah dikeluarkan), hampa gas; **2.** ruang yg gasnya wujud pd tekanan yg rendah; **3.** ki kekosongan (bkn perasaan dsb); **4.** = *pembersih* ~ alat elektrik yg digunakan utk membersihkan lantai (permaidani, perabot, dsb) dgn cara sedutan, pembersih hampa



gas; **5.** bkn (mengandung, menghasilkan, dijalankan dgn, dsb) tekanan gas yg rendah: *pengerang ~; pam ~;*

**memvakum** membersihkan lantai (permaidani, perabot, dsb) dgn menggunakan pembersih vakum (hampa gas): *ibu sedang ~ bilik tidurnya.*

**valensi** (valénsi) (Kim) kuasa berpadu suatu atom, jumlah atom hidrogen yg berpadu dgn (dapat menggantikan) satu atom sesuatu unsur.

**valium** ubat penenteram.

**valkani** ark vulkan.

**valuta** IB mata wang (yg terjamin dgn persediaan emas atau perak), nilai wang.

**valvulitis** (Ubat) radang pd sesuatu injap, terutamanya injap jantung.

**van** sj kenderaan bermotor (biasanya bertutup) utk mengangkut barang dll.

**vanadium** (Kim) sj unsur logam yg keras dan berwarna kelabu (digunakan utk menguatkan keluli).

**vandalisme** perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian: *~ yg berleluasa beberapa bulan yg lalu haruslah dikikis.*

**vanila** **1.** sj tumbuhan tropika, *Vanilla planifolia*, yg buahnya menghasilkan biji harum yg dijadikan pengharum makanan; **2.** bahan perisa (pengharum) makanan yg diperoleh drpd biji tumbuhan ini.

**vanilin** (Kim) sj sebatian berhablur yg berwarna putih atau kekuningan yg didapati dlm buah vanila dan resin (digunakan sbg bahan perisa dan penyedap bau).

**varia** beraneka, berbagai-bagai, atau bermacam-macam (terutamanya karya sastera).

**variabel** sesuatu faktor (unsur, ciri, angka, dsb) yg tidak tetap (yg perlu diambil kira dlm sesuatu perhitungan).

**varian** **1.** sesuatu yg menyimpang atau berlainan drpd yg lazim atau standard, kelainan; **2.** bentuk atau ejaan yg berlainan bagi perkataan yg sama.

**variasi** **1.** penyimpangan atau sesuatu yg menyimpang drpd keadaan (sifat, ciri-ciri, dsb) yg lazim atau standard, kelainan: ~ *bahasa*; **2.** bentuk dll yg tidak seragam atau berbeza-beza, kelainan atau pelbagaian (dlm bentuk, reka cipta, dll): ~ *reka bentuk kraftangan tempatan terhad dan tidak banyak berubah*; **3.** penyimpangan pd ciri-ciri organisma drpd yg biasa bagi kumpulannya;

**bervariasi** berlainan atau berbeza-beza keadaan (bentuk, ciri atau sifatnya dsb): *kehidupan kesusasteraan mulai beragam dan ~; latihan selalunya dijalankan dlm bentuk permainan kecil yg ~ supaya pemain tidak merasa bosan semasa menjalani latihan*;

**memvariasikan** menjadikan bervariasi: ~ *teknik pengajaran dan pembelajaran dapat mengelakkan perasaan jemu dan meningkatkan kemahiran berfikir pelajar*.

**variola** cacar.

**variometer** (variométer) (Fiz) sj alat utk mengukur perubahan dlm medan magnet, digunakan terutamanya bagi mengkaji medan magnet bumi.

**varnis** sj cat berminyak yg terdiri drpd campuran pelarut dan bahan perekat (digunakan utk memelihara dan mengilatkan perabot kayu dan rotan);

**bervarnis** disalut, disapu, atau digilap dgn varnis: *lantai yg ~*;

**memvarnis** menyapu varnis pd sesuatu: *tukang kayu itu sedang ~ almari*;

**pemvarnisan** perbuatan (proses, kerja dsb) memvarnis: ~ *perabot itu memerlukan ketelitian dan kemahiran utk memperoleh hasil kerja yg baik;*

**pemvarnis** **1.** orang yg memvarnis; **2.** sesuatu (alat) yg digunakan utk memvarnis: *berus lembut ~ perabot.*

**varsiti** bp singkatan bagi universiti.

**vas** bekas yg digunakan utk mengisi bunga sbg hiasan dan dipamerkan sbg barang perhiasan, jambangan.

**vasektomi** (vaséktomi) (Ubat) pembedahan utk membuang sebahagian atau seluruh salur mani, sbg satu cara merancang keluarga.

**vaselin** bahan spt lemak (kuning) yg dibuat drpd minyak tanah dan tar.

**vaskulitis** (Ubat) radang pd pembuluh darah.

**VAT** akronim bagi *value added tax* (cukai nilai tambah, iaitu cukai yg ditambah pd harga barang atau perkhidmatan).

**vatikan** daerah dan tempat kediaman Paus di Rom.

**VB** kep *Veskigings-Bewijs* (surat kebenaran mendiami rumah, yg diberikan oleh pejabat perumahan).

**VCD** kep *video compact disc* (cakera padat video, iaitu cakera yg boleh menyimpan filem atau muzik secara digital).

**VCR** kep *video cassette recorder* (perakam kaset video, iaitu alat yg digunakan utk merakamkan rancangan televisyen atau filem di dlm pita video yg boleh dimainkannya semula dgn menggunakan skrin televisyen).

**VD** kep *venereal disease* (penyakit berjangkit spt siflis dan gonorea yg dijangkiti melalui persetubuhan).

**Veda** (véda) kitab suci Hindu.

**Vedda** (védda) sj bangsa primitif yg tinggal di hutan-hutan Sri Lanka.

**vegetarian** (végétarian) orang yg tidak makan daging, ikan, dsb tetapi hanya memakan sayur-sayuran atas sebab-sebab peribadi, kepercayaan, dll.

**vegetarianisme** (végétarianisme) amalan tidak memakan daging, ikan, dsb berdasarkan kepercayaan agama, kepentingan kesihatan, dll tetapi sebaliknya memakan sayur-sayuran sahaja.

**vegetasi** (végétasi) semua tumbuhan hidup di sesuatu kawasan.

**vektor** (véktor) **1.** (Bio) haiwan (mis serangga) yg mengandungi parasit berbahaya yg memindahkan parasit tersebut kpd organisma lain (manusia dsb) sehingga mengakibatkan jangkitan (penyakit) kpd organisma lain itu; **2.** (Bio) serangga, unggas, angin, dll yg membawa debunga dr stamen ke stigma bunga; **3.** (Mat) kuantiti yg dapat berubah (mis daya) yg mempunyai magnitud dan arah.

**velar** (vélar) (Lin) bkn bunyi suara yg keluar apabila bahagian belakang lidah mengenai langit-langit lembut spt dlm penyebutan bunyi *k*, *kh*, *g* dan *ng*: bunyi ~.

**velkro** (vélkro) kancing utk pakaian, kasut, langsir dsb yg berupa dua jalur fabrik nilon yg melekat pd satu sama lain apabila ditekan.

**velodrom** (vélodrom) gelanggang (arena) yg balapannya dimiringkan utk perlumbaan basikal.

**vena** (véna) (Bio) salur darah yg membawa darah (terutamanya darah yg rendah kandungan oksigennya) dr pelbagai tisu dan organ badan ke jantung;

~ *kava* satu drpd dua vena yg membawa darah (yg rendah kandungan oksigennya) ke jantung; ~ *portal* vena yg menghubungkan dua rangkaian salur kapilari (terutama dlm hati); ~ *pulmonari* vena yg membawa darah (yg kaya dgn oksigen) dr paru-paru ke jantung.

**vendor** (véndor) penjual atau pembekal barangan (perkhidmatan).

**venereologi** (vénéréologi) cabang ilmu perubatan yg berkaitan dgn kajian tentang semua jenis penyakit kelamin.

**venir** (vénir) **1.** lapisan kayu atau plastik tipis yg digunakan utk melapisi permukaan sesuatu supaya kelihatan kemas, halus atau cantik; **2.** lapisan dlm papan lapis.

**venoklisis** (vénoklisis) (Ubat) penyuntikan cecair ke dlm vena.

**ventilasi** (véntilasi) **1.** sistem (proses) peredaran atau pertukaran udara bersih di dlm sesebuah ruang (bilik, bangunan, dsb); **2.** lubang (spt tingkap dsb) yg membolehkan udara keluar masuk secara bebas.

**ventilator** (véntilator) alat utk menyegarkan udara (dlm ruangan dll).

**ventral** (véntral) (Bio) berkaitan dgn bahagian depan atau bahagian anterior tubuh atau sesuatu struktur tubuh.

**ventrikel** (véntrikel) (Bio) rongga kecil spt yg terdapat pd otak dan di bahagian bawah jantung.

**ventrilokuisme** (véntrilokuisme) seni atau kemahiran bercakap tanpa menggerak-gerakkan bibir sehingga bunyi suara kedengaran seolah-olah datang dr tempat lain.

**verba** Id kata kerja.

**verbal** bp secara lisan: *ramai yg menguasai bahasa isyarat dan dapat berinteraksi dgn baik walaupun tidak banyak interaksi ~.*

**verbatim** kata demi kata (mengikut betul-betul apa yg dituturkan atau dituliskan).

**verifikasi** (vérifikasi) pemeriksaan tentang kebenaran laporan (kira-kira wang dll).

**vernakular** (Lin) bkn penggunaan bahasa atau dialek yg dipertuturkan oleh sesuatu golongan atau kaum dlm masyarakat: *sistem pendidikan ~; sekolah ~; bahasa ~* bahasa yg dipertuturkan oleh golongan atau kaum tertentu.

**vernakularisme** penggunaan bahasa vernakular: *Sabah dan Sarawak* yg terpisah drpd *Malaya* dr segi politik, ekonomi dan pentadbiran juga mempunyai dasar polarisasi Inggeris serta ~ yg hampir sama.

**vernier** (verníér) (Fiz) alat utk mengukur dgn tepat pecahan senggatan skala (jangka tekanan, barometer, dll).

**versatil** berkeupayaan atau dapat disesuaikan utk pelbagai kegunaan (tujuan, fungsi, dll), serba boleh: *ini menjadikan seni Islam sesuatu yg padu serta mantap namun tetap kreatif dan ~ pd setiap masa.*

**versi** **1.** buku dll yg diterjemahkan ke dlm bahasa lain, terjemahan: *buku Sebelum Dan Selepas 13 Mei ~ bahasa Inggeris*; **2.** corak atau bentuk tertentu (sesuatu karya, cerita, dll): *hikayat Inderaputera juga terdapat dlm satu ~ lain yg lebih pendek.*

**verso** (Cetak) halaman (buku) di sebelah kiri.

**vertebra** (vertébra) ruas tulang belakang.

**vertebrat** (vertébrat) (Bio) = *haiwan* ~ haiwan yg bertulang belakang (termasuk ikan, amfibia, reptilia, burung, dan mamalia).

**Vertebrata** (vertébrata) (Bio) kumpulan haiwan yg bertulang belakang.

**vertikal** tegak lurus dr atas ke bawah atau sebaliknya.

**vestibul** (véstibul) (Bio) rongga atau ruang yg berhampiran dgn bukaan pd sesuatu rongga lain, misalnya hidung, telinga dalam, faraj, dll.

**veteran** (véteran) **1.** bekas askar (perajurit, pejuang); **2.** jaguh lama (sukan dll); **3.** orang yg telah banyak pengalamannya (dlm sesuatu perkara); ~ *perang* askar yg pernah terlibat dlm sesuatu peperangan.

**veterinar** (véterinar) bkn dgn rawatan penyakit atau kecederaan pd haiwan: *daging lembu Australia disediakan di bawah pengawasan kesihatan dan ~ yg bertaraf tinggi; pakar ~.*

**veto** (véto) pernyataan menolak (membatalkan) keputusan; *hak (kuasa) ~ hak (kuasa) menolak keputusan (undang-undang);*

**memveto** menolak (membatalkan) keputusan;

**pemvetoan** perihal (perbuatan atau tindakan) memveto: *~ keputusan itu akan dibuat tidak berapa lama lagi;*

**pemveto** pihak (negara, orang dsb) yg memveto: *negara-negara ~.*

**via** bp melalui, menerusi: *berbicara ~ telefon; ke Johor Baharu ~ Melaka.*

**viagra** sj ubat berbentuk pil yg dikatakan berupaya mengatasi masalah lemah syahwat atau mati pucuk.

**vibrato** (Muz) kecepatan turun naik nada (pic) muzik.

**vide** (vidé) (Latin) lihat (supaya merujuk kpd tempat tertentu dlm teks dsb).

**video** (vidéo) **1.** = *alat* ~ alat utk merakamkan dan menayangkan filem dgn menggunakan pita video (disalurkan melalui peti televisyen); **2.** = *pita* ~ pita bermagnet yg digunakan utk merakamkan gambar dgn suaranya sekali dr televisyen; **3.** = *filem* ~ filem yg telah dirakamkan pd pita video dan hanya sesuai utk ditayangkan dgn menggunakan alat video;

**memvideokan** merakamkan sesuatu (peristiwa, adegan, dsb) dlm pita video: *filem-filem Melayu telah divideokan.*

**videofon** (vidéofon) sj peranti telefon yg dapat menghantar dan menerima suara dan juga imej visual antara pihak yg berkomunikasi.

**videografi** (vidéografi) seni atau proses membuat filem video.

**videografik** (vidéografik) imej visual yg dihasilkan dgn menggunakan teknologi komputer.

**videogram** (vidéogram) video yg dirakamkan terlebih dahulu tentang sebuah filem komersial atau program televisyen.

**videoteks** (vidéotéks) sistem maklumat elektronik interaktif yg mengandungi perkhidmatan spt berita, mel elektronik, perbankan, cuaca dan laporan saham.

**Vietkong** (viétkong) barisan pembebasan rakyat Vietnam (organisasi politik di Vietnam Selatan).

**vikariat** IB jawatan atau daerah uskup (Roman Katolik).

**vila** rumah yg besar dan mewah yg terletak di luar kota atau di tempat peranginan.

**vilus** (Bio) cuaran pd dinding bahagian dalam usus kecil yg berfungsi utk menyerap nutrien dan cecair.

**vinil** (Kim) bahan plastik yg boleh dilentur, berkilat, dan kuat (digunakan sbg bahan utk membuat perabot dll, dan ada juga yg digunakan utk membuat pakaian).

**vinometer** (vinométer) (Fiz) hidrometer yg digunakan utk menentukan peratus alkohol di dlm wain.

**vintaj** dibuat antara tahun 1917 dan 1930 (bkn kereta): *kereta* ~.

**viola** sj alat muzik bertali empat yg bentuknya spt biola tetapi lebih besar.

**violet** (violét) lembayung (warna).

**VIP** kep *Very Important Person* (orang penting atau orang kenamaan).

**viremia** (virémia) (Ubat) adanya virus dlm darah, biasanya dicirikan oleh keletihan, demam dan lenguh serta sakit di belakang tubuh dan anggota.

**virginia** sj tembakau yg berasal dr Virginia, Amerika Syarikat.

**Virgo** lambang keenam dlm zodiak, yg berlambangkan perempuan muda.

**virilisme** (Ubat) perkembangan sifat kelelakian yg muncul pd perempuan, biasanya akibat aruhan hormon seks lelaki.

**virologi** kajian tentang virus dan penyakit-penyakit yg disebabkan virus.



**virus** **1.** sj kuman yg lebih halus drpd bakteria yg boleh menyebabkan penyakit pd manusia, haiwan, atau tumbuhan; **2.** (Komp) atur cara asing yg menerobosi sesuatu sistem komputer sehingga dapat mengganggu, mengubah, merosakkan, atau memusnahkan maklumat yg tersimpan di dlm sistem berkenaan; **3.** ki pengaruh yg buruk, jahat, atau merosakkan.

**virusid** agen yg memusnahkan pertumbuhan virus.

**vis-a-vis** (vizavi) (Perancis) dlm hubungannya (pertaliannya) dgn, berbanding dgn: *budaya Baba (dan Nyonya) ini ~ budaya Cina.*

**visa** kebenaran yg berupa cap pengesahan rasmi pd passport seseorang yg membolehkannya memasuki atau melalui negara asing yg memberikan kebenaran itu.

**visi** tanggapan dan pandangan yg jauh dan mendalam, terutamanya yg berkaitan dgn perkembangan masa depan dsb, wawasan: *pemimpin yg mempunyai keperibadian yg utuh serta ~ dlm kepimpinan; Pak Arena menganggap ~ itu penting dlm penulisan sebab tanpa ~ seseorang tidak boleh menjadi penyair, tidak boleh menjadi seniman;*

**bervisi** mempunyai visi: *pemimpin negara yg ~ tinggi dan jauh.*

**visiun** IB wahyu, wahi.

**viskometer** (viskométer) alat utk mengukur kelikatan bendalir.

**visual** bkn atau berdasarkan pelihatan, dapat dilihat: *dlm penulisan kata serapan ini, bentuk ~ diutamakan; keistimewaan yg memberikan kesan ~ yg menggunakan teknologi yg semakin hari semakin baik.*

**vital** penting atau perlu sekali utk hidup, tidak dapat tidak mesti ada, yg amat penting atau amat diperlukan: *perusahaan ~ perusahaan yg sangat penting utk orang ramai.*

**vitalitas** Id daya hidup, tenaga hidup.

**vitalitet** (vitalité) → **vitalitas.**

**vitamin** bahan organik yg sangat penting yg diperlukan oleh badan dgn jumlah yg kecil dan berperanan dlm pertumbuhan normal, pengawalan kesihatan, dan pencegahan penyakit; jenis-jenisnya: A, B kompleks, B<sub>1</sub>, B<sub>2</sub>, C, dll;

~ A sj vitamin larut lemak yg diperlukan utk pertumbuhan normal, pencegahan penyakit rabun malam, dll (banyak terdapat dlm minyak ikan, hati, telur, susu, dll) ; ~ B<sub>1</sub> salah satu vitamin B kompleks yg kekurangannya menyebabkan penyakit beriberi; ~ B<sub>2</sub> salah satu vitamin B kompleks yg kekurangannya menyebabkan penyakit pelagra; ~ B<sub>12</sub> salah satu vitamin B kompleks yg kekurangannya menyebabkan sj penyakit anemia. ; ~ B kompleks sekumpulan vitamin larut air yg terdiri drpd vitamin B<sub>1</sub>, B<sub>2</sub>, B<sub>6</sub>, B<sub>12</sub>, dll (banyak terdapat dlm bijirin, yis, hati, dll); ~ C sj vitamin larut air yg kekurangannya boleh menyebabkan penyakit skurvi (banyak terdapat dlm buah-buahan sitrus spt oren dan sesetengah sayuran); ~ D sj vitamin larut lemak yg kekurangannya boleh menyebabkan penyakit riket pd kanak-kanak dan kelembutan tulang pd orang dewasa (banyak terdapat dlm minyak ikan, mentega, kuning telur, dll); ~ K sj vitamin larut lemak yg yg diperlukan utk meningkatkan daya penggumpalan(pembekuan) darah semasa berlakunya perdarahan (terdapat dlm kubis, bayam, dll).

**vitikultur** kajian atau sains tentang penanaman pokok anggur.

**viva** peperiksaan lisan yg berkaitan dgn penyelidikan atau tesis yg dibuat, yg dilalui oleh seseorang utk memperoleh kelayakan akademik, biasanya pd peringkat universiti.

**vivarium** tempat buatan yg menyerupai lingkungan semula jadi binatang (utk tujuan penyelidikan dll).

**viviparus** (Bio) bkn haiwan yg melahirkan anak (spt kebanyakan mamalia).

**vodka** sj arak yg berasal dr Rusia.

**voil** sj kain yg halus, nipis, dan agak jarang yg diperbuat drpd kapas, sutera, dsb.

**vokal 1.** = ~ *tulen* (Lin) huruf hidup atau huruf saksi (a, e, é, i, o, u); **2.** lantang bersuara, berani menyuarakan pendapat, perasaan, dsb dgn terus terang: *suara beberapa orang drpd golongan minoriti yg ~ boleh mempengaruhi majoriti yg berdiam diri;*

**bervokalkan** mempunyai sbg vokal: *saya menganggap suku-suku kata yg ~ a,i,u merupakan asas utama dlm mengenali lambang bacaan bahasa Inggeris.*

**vokalis** penyanyi, terutamanya yg biasa muncul bersama dgn pancaragam jaz atau kumpulan pop.

**vokasional 1.** bkn pekerjaan (profesion dsb) yg tertentu; **2.** bkn kursus (latihan, dsb) pendidikan amali yg menitikberatkan kemahiran yg diperlukan utk sesuatu pekerjaan (profesion dsb): *bimbingan ~ ; sekolah ~.*

**volenter** (volentér) IB sukarelawan.

**voli** (Suk) tendangan atau pukulan balik (dlm bola sepak, tenis dsb) yg dilakukan sebelum bola menyentuh tanah: *seseorang pemain dikira membuat ~ jika ia memukulnya sebelum bola itu menyentuh gelanggangnya setelah dipukul oleh pihak lawan.*

**volkano** gunung berapi.

**volt** (Fiz) unit tenaga elektrik yg diperlukan utk mengalirkan satu ampere arus elektrik melalui rintangan satu ohm.

**voltan** (Fiz) beza keupayaan elektrik atau daya gerak elektrik (diukur dlm unit volt);

~ *rendah* voltan yg tidak melebihi 250 volt, digunakan utk membekalkan kuasa elektrik ke bangunan (kilang, rumah dsb); ~ *tinggi* voltan yg melebihi 650 volt, digunakan utk membekalkan kuasa elektrik dr pencawang ke pencawang.

**voltmeter** (voltméter) (Fiz) alat utk mengukur voltan.

**volum** (Eko) banyaknya atau kuantiti sesuatu: *pd hujung tahun, ~ jualan sebenar akan dibandingkan dgn apa yg ternyata dlm belanjawan; satu drpd caranya adalah melalui carta harga dan ~ sesuatu saham.*

**volumeter** (voluméter) alat utk mengukur isi padu sesuatu pepejal, cecair atau gas.

**volumetri** (volumétri) (Kim) kaedah penyukatn mengikut isi padu; *analisis* ~ (Kim) kaedah analisis cecair atau gas mengikut isi padu.

**voluntari** (Ubat) dikawal oleh kemahuan (bkn otot); *otot* ~ otot yg dapat dikawal oleh kemahuan atau otak.

**vonis** IB hukuman, keputusan (hakim).

**voodoo** (vudu) kepercayaan yg melibatkan ilmu sihir yg diamalkan oleh sesetengah penduduk di Hindia Barat, terutamanya di Haiti.

**vot** amaun wang yg diperuntukkan bagi sesuatu projek atau aktiviti.

**votum** IB **1.** suara (dlm pengundian); **2.** hari mengundi, hari pengundian; ~ *kepercayaan* Id pernyataan percaya kpd kebijaksanaan atau kemampuan dsb (pemerintah, kerajaan).

**voyeurisme** (voyéurisme) amalan mengintai orang lain bertelanjang, melakukan aktiviti seks dsb utk memperoleh keseronokan atau kepuasan seks.

**vs** kep *versus* (iaitu lawan, terutamanya dlm undang-undang dan sukan, melawan, menentang): *kes Mariam ~ Muhammad Ariff.*

**vulkan;** *loji* ~ loji tempat memasak getah;

**memvulkankan** memasak getah dgn sulfur (belerang) utk membuat tayar dll;

**pemvulkanan** proses pengolahan getah dgn sulfur (belerang) pd tekanan dan suhu tinggi utk menghasilkan getah yg lebih kuat dan kenyal.

**vulkanisme** proses pembentukan (fenomena, letusan dsb) gunung berapi.

**vulkanologi** kajian tentang gunung berapi dan fenomenanya.

**vulva** (Ubat) bahagian luar alat jantina perempuan.

**vulvitis** (Ubat) radang pd vulva.

**w** huruf yg ke-23 abjad Rumi.

**W** simbol kimia bagi tungsten.

**wa I 1.** dan (disebut dlm beberapa ungkapan Arab); *wallahuaklam* dan Allah Yang Lebih Mengetahui; **2.** demi (disebut utk bersumpah); *wallahi* demi Allah.

**wa II** = *pak (mak)* ~ (a) pak (mak) tua (panggilan kpd ibu atau bapa saudara yg tertua); b) bp kekasih (lelaki atau perempuan); **wak I.**

**waad** Ar **1.** janji: *tiadalah kami kedua-dua ini mengubah ~ kami dan setia kami; melupakan ~ mengingkari janji; mengubahkan ~ memungkiri janji; 2.* sampai janjinya (ajalnya); *datang ~ Allah atasnya* sampai janjinya, mati;

**berwaad** membuat (mengikat) perjanjian, berjanji: *jikalau tuanku mahu anak patik itu, mahulah Duli Yang Dipertuan ~ dgn patik.*

**waadah** → **waadat.**

**waadat** Ar perjanjian;

**berwaadat** berjanji, membuat perjanjian: *perjanjian atau ~ itu semacam bertentangan dgn asas keutuhan asal-usul raja itu.*

**waang** Mn engkau: *dah lama kami menunggu ~.*

**wabah** → **wabak.**

**wabak 1.** sj penyakit menular, (berjangkit) yg merebak: ~ *cacar; ~ taun;*  
**2.** kejadian atau perbuatan buruk (spt penagihan dadah, perbuatan jenayah, dll) yg merebak ke merata tempat: ~ *dadah perlu dibanteras; ~ kepincangan yg melanda koperasi;*

**mewabak** merebak dgn cepat: *ruapan itu ~ hingga memenuhi setiap ruang tanah itu; bayangan hitam itu ~ ke hati Raid yg memaksanya mengasak terus;*

**mewabakkan** menyebabkan merebak, merebakkan: *aku tahu jawaban itu akan ~ suasana tegang ke seluruh pelosok rumah kami.*

**wabakdahu** Ar dan kemudian drpd itu, dan sesudah itu.

**wacana** **1.** keseluruhan tutur yg merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan; **2.** perbincangan atau pertukaran idea secara lisan: *mereka mengadakan ~ ilmu*; **3.** kesatuan fikiran yg utuh, sama ada dlm bentuk lisan (spt pidato, khutbah) atau tulisan (spt surat, artikel, novel, cerpen): *kita merindui dunia subur kritikan sastera yg dibajai oleh pengetahuan tentang teori dan ~ sastera yg mendalam dan pembacaan karya sastera yg banyak*;

**mewacanankan** menjadikan sesuatu sbg wacana: *para ilmuan cuba berbincang dan membuat analisis terhadap tajuk-tajuk yg dipilih utk diwacanankan secara objektif.*

**wad** bilik atau bahagian di sesebuah hospital yg menjadi tempat tinggal para pesakit, biasanya mereka yg mengalami penyakit yg sama, utk menjalani rawatan: *~ kecemasan*; *~ ortopedik*; *~ bersalin*;

**mengewadkan** memasukkan seseorang ke dlm wad: *Selvamuthu telah diwadkan selama tiga minggu.*

**wadah** **1.** Jw bekas (tempat) utk mengisi atau diisi sesuatu; **2.** alat, asas, medan, saluran (utk melakukan atau menyampaikan sesuatu): *pihak penganjur berharap seminar sedemikian akan menjadi ~ utk para pendidik bahasa dan sastera Melayu bertukar-tukar pendapat*; *ada orang melihatnya berfungsi sbg ~ pengiklanan, medan propaganda, suatu saluran utk menyampaikan informasi, dan bermacam-macam lagi*;

**berwadahkan** menggunakan atau mempunyai sesuatu sbg wadah: *kita telah dapat mengemukakan penyelesaian agama dgn ~ ilmu*

*pengetahuan, sains dan teknologi, di samping berdoa dan bertawakal kpd Allah;*

**mewadahi** menjadi wadah kpd (atau bagi): *kebosannya sudah lama ~ kekecewaan utk mendapatkan sebarang kerja.*

**wadai** → **wade**.

**wadar** pegawai yg mengawal orang tahanan di penjara, pegawai penjara, pengawal orang tahanan di penjara.

**wadas** Jw lapisan tanah yg keras spt karang; → **cadas**.

**wadat** Jw tidak berkahwin, membujang.

**wade** (wadé) sj makanan tradisional masyarakat India yg diperbuat drpd tepung kacang dal putih, berbentuk bulat dan berlubang di tengahnya.

**wadheh** (wadhéh, wadhíh) Ar → **wadih**.

**wadi I** Ar sungai yg tidak berair di padang pasir (berisi air apabila turun hujan), lembah.

**wadi II** sj air putih (pekat) yg keluar dr zakar atau faraj ketika badan penat bekerja.

**wadih** Ar sl jelas, terang dan nyata (bkn khabar dll), sahih: *supaya boleh ~ dan selesai perkhabaran kita.*

**wadon** Jw sl perempuan.

**waduh** sr utk menyatakan kehairanan (rasa sakit dsb), aduh.

**waduk** Jw **1.** perut besar (tempat mencernakan makanan); **2.** = ~ *air* sj kolam tempat mengumpul dan menyimpan air utk digunakan pd musim kering; **3.** = ~ *air* sj tangki air yg tinggi.

**wadung** Jw beliung.

**wafak** Ar **1.** waktu yg pasti (berlakunya sesuatu); **2.** setuju dgn, menurut.

**wafat** Ar, bh meninggal dunia (digunakan utk nabi dan rasul): *setelah Nabi ~, Abu Bakar dilantik menjadi Khalifah;*



**kewafatan** kematian (nabi dan rasul): *selepas ~ Rasulullah, sayidina Abu Bakar telah dilantik menjadi khalifah pertama.*

**wafel** sj pankek yg tebal dan rangup, biasanya dimakan dgn madu dsb.

**wafer** sj biskut yg nipis, agak manis dan rapuh, biasanya dimakan dgn aiskrim.

**wagon** gerabak kereta api, gerbong.

**wah** sr utk menyatakan kehairanan (terkejut, kagum, dll): ~, *dahsyat sungguh!*; ~, *bukan main banyaknya wang masuk!*

**wahadah** → **wahdah.**

**wahadaniah** → **wahdaniah.**

**wahadat, wahadiah, wahadiat** wahdah.

**wahah** kawasan yg agak subur di padang pasir (berair dan ada tumbuh-tumbuhan).

**wahai** sr kata utk menyatakan rasa sedih (menarik perhatian, memperingatkan, dll): ~, *tidak ada pertolongan lagi, tidak ada harapan lagi!*; ~ *kawan, berhati-hatilah sedikit!*

**waham** sangkaan atau alasan yg samar-samar (jauh drpd yakin), was-was: *tiga kali saya mengangkat takbir barulah berasa betul bersih dan tidak ada syak dan ~;*

**mewahamkan** 1. menduga, menyangka-nyangka; 2. mencurigakan, meragu-ragukan, mengesyaki;

**kewahaman** sesuatu yg diwahamkan (dicurigai): *ilmu al-Yaqin itu tidak mengandungi sebarang keraguan, kesalahan, dan ~.*

**wahana** saluran atau perantaraan (yg memungkinkan sesuatu dilakukan, disampaikan, atau dicapai): *bahasa baku sajalah yg layak menjadi bahasa ilmu utk ~ pemikiran dan utk pengembangan budaya bangsa; lukisan kartun sering digunakan orang sbg ~ propaganda; RTM seharusnya menjadi ~ komunikasi ilmu dan sekali gus ~ komunikasi budaya yg berkesan;*

**berwahanakan** menggunakan sesuatu (spt bahasa) sbg wahana:  
*keperluan khusus yg ~ bahasa asing.*

**wahdah** Ar keesaan (Tuhan).

**wahdaniah** Ar keesaan, ketunggalan.

**wahi** Ar → **wahyu**.

**wahid** Ar yg esa (sifat Tuhan), tunggal.

**wahmi** dianggap tidak wujud, agakan atau sangkaan belaka: *sungguhpun  
pd zahirnya dia wujud tetapi ~ jua.*

**wahon** wagon.

**wahyu** firman (kalam) Allah yg dibacakan kpd nabi dan rasul-Nya yg disampaikan sama ada melalui malaikat (Jibril) ataupun tanpa melaluinya: *Nabi Muhammad SAW menerima ~ utk mengembangkan agama Islam;*

**mewahyukan** menurunkan wahyu kpd, menyampaikan petunjuk (pengajaran dll) dgn wahyu: *wahyu disampaikan kpd Nabi oleh Jibril, dan segala apa yg diwahyukan kepadanya itu disampaikannya pula kpd sahabat-sahabatnya;*

**pewahyuan** proses menyampaikan wahyu: *~ dan penyebaran al-Quran.*

**wai I** sr utk menyatakan rasa terkejut (hairan dsb).

**wai II** batang air, kali, sungai.

**waiduri** baiduri.

**wailol** Pl bodoh, bahlul.

**waima, waimma** Ar sama ada, walaupun: *apa pun yg dibuat manusia, ~ dgn perang meledakkan dunia dan isinya, manusia tidak akan berjaya membunuh kebenaran dan keutamaan.*

**wain** minuman keras yg dihasilkan drpd peraman air anggur.

**waisya** sl kasta yg ketiga dlm agama Hindu (terdiri drpd golongan pedagang, petani, dan tukang).

**waizuri** raja muda; → **wizurai**.

**waja 1.** = *besi* ~ sj besi yg keras dan kuat, baja; *hati* ~ ki hati yg keras:

*semangat* ~ ki semangat yg kuat; **2.** (bkn semangat, cita-cita, dsb)

kuat: *Afifi berani dan punya cita-cita* ~;

**berwaja** menjadi teguh: *keyakinan* ~ *di hatinya*;

**kewajaan** sifat atau keadaan waja, kekuatan: *yg penting ialah* ~ *semangat kaum tani dlm menghasilkan tuaian mereka*.

**wajah 1.** air muka, muka paras, roman muka: ~ *ibunya di rumah mula*

*terbayang*; ~*nya sungguh-sungguh menyenangkan*; **2.** keadaan

luaran (spt pemandangan dll), rupa atau keadaan (sesuatu)

sebagaimana yg dapat dilihat: ~ *kampung itu sudah berubah*

*sekarang*; *sekiranya itu dapat memberikan nafas serta* ~ *baru, ia*

*pasti menggembirakan*;

**berwajah 1.** mempunyai (menampakkan) wajah; ~ *sedih (suka,*

*lesu, dsb)*; **2.** mempunyai atau menampakkan wajah (rupa atau

keadaan sebagaimana yg dapat dilihat): *sesuai dgn struktur*

*pembinaannya, dekor banglo* ~ *antik ini turut melahirkan imej*

*sebagaimana yg dikehendaki oleh tuannya*; *buku lama* ~ *baru*;

**berwajahkan** menggunakan atau mempunyai sesuatu sbg wajah:

*masyarakat gempar apabila menjumpai ikan yg* ~ *manusia*;

**mewajahi** memberikan keadaan atau rupa luaran kpd: *begitulah*

*sastera hipermodenisme yg akan* ~ *sastera dunia*.

**wajan** Jw kualiti tempat menggoreng, bajan.

**wajar 1.** memang begitu (tidak dibuat-buat, ditambah-tambah, dll); *nasi*

~ *nasi biasa (nasi putih, tidak bersantan, dll)*; **2.** sebagaimana yg

sepatutnya (bersesuaian, kena pd tempatnya, dsb), dapat diterima

atau dipertahankan sbg munasabah, seharusnya, semestinya,

sepatutnya: *kaum wanita harus mendapat tempat yg* ~ *dlm*

*masyarakat*; *tuntutan rakyat yg* ~ *utk keperluan hidup*;

**sewajar;** ~ dgn sama halnya dgn, selaras dgn, setimbang dgn, sesuai dgn;

**sewajarnya** 1. memang begitu halnya (keadaannya dll), sebenarnya (demikian), sememangnya: *sbg seorang yg dilahirkan di Negeri Sembilan, maka sudah ~ pula saya sentiasa bersimpati dgn perjalanan adat Perpatih di Negeri Sembilan;* 2. memang begitu sifatnya (kudratnya, tabiatnya), sudah semestinya begitu: *pertengkaran antara puak pembangkang dgn puak kerajaan yg berlaku dlm parlimen itu sudah ~;* 3. dgn begitu sahaja, tidak dibuat-buat (dipaksa-paksa), dgn sendirinya: *jangan dihalang fikiran kanak-kanak yg tumbuh dgn ~;* 4. sesuai dgn yg seharusnya, sebagaimana mestinya, sebagaimana patut: *kandungan Quran itu harus difahami dgn ~;*

**mewajarkan** menjadikan dapat diterima atau dianggap sbg sepatutnya atau seharusnya demikian, menjadikan (memperlihatkan dsb) wajar: *filem ini tidak berusaha utk ~ kekuasaan kolonial bangsa kulit putih; saya tidak nampak sebarang alasan atau hujah yg kuat yg dapat ~ kita bertindak menghapuskan tulisan Jawi;*

**kewajaran** perihal wajar: *perbincangan di atas telah menunjukkan ~ pendirian ini; apakah ada ~ atau tidak utk bertindak sedemikian?*

**wajib** Ar 1. hukum suruhan (dlm Islam) yg apabila dilaksanakan mendapat pahala dan apabila ditinggalkan berdosa, mis sembahyang lima waktu dan menunaikan zakat: *ada lima rukun Islam yg ~ ditunaikan oleh tiap-tiap orang Islam;* 2. tidak boleh tidak (diamalkan, dilakukan, dsb), mesti, perlu: *orang tua ~ memberikan asuhan yg cukup kpd anak mereka;* 3. sudah

seharusnya (sepantasnya, sepatutnya): *kita ~ mengucapkan syukur dan berterima kasih kpd orang yg telah menolong kita;*

*~ belajar kemestian menuntut ilmu (belajar); ~ pajak Id orang yg wajib membayar cukai;*

**sewajibnya** semestinya, sewajarnya, seharusnya: *~lah mereka bersatu padu dan bekerjasama utk mencapai kemajuan;*

**berwajib** bertanggungjawab mengelolakan atau mengurus sesuatu (bkn orang, institusi, dll yg): *bantahan itu sudah disampaikan kpd yg ~; bidang ini juga melibatkan DBP, pihak-pihak yg ~, dan orang ramai dlm menentukan taraf bahasa Melayu di negara ini;*

**mewajibkan** 1. menjadikan wajib (dilakukan, diamalkan, dll), menjadikan kemestian, memestikan, mengharuskan: *Islamkah engkau kalau engkau tidak mengikut syarat dan undang yg diwajibkan ke atas seorang Islam?* 2. menyerahkan tugas (kerja dll) kpd, memestikan sesuatu kpd: *kerajaan ~ suntikan cacar;*

**kewajiban, kewajipan** 1. sesuatu yg diwajibkan, kemestian, keharusan: *ia setia kpd suaminya, dan suaminya itu pun tidak melupakan ~nya;* 2. tugas (tanggungjawab) yg harus dilakukan atas perintah: *kami datang ini kerana ~, bukan untuk mengugut;*

**berkewajiban, berkewajipan** mempunyai kewajiban (tanggungjawab), bertanggungjawab: *suamilah yg ~ mencari sara hidup.*

**wajik** sj penganan yg dibuat drpd beras pulut (gula, santan), nasi manis, pulut kacau;

*~ takik wajik yg dibuat keras (supaya tahan lama); potong ~ potongan (kuih dll) yg berbentuk empat persegi menyerong.*

**wak I** panggilan kpd bapa atau ibu saudara yg tua (atau orang yg boleh dianggap bapa); → **wa II.**

**wak II** bunyi spt bunyi itik dll.

**wak III** sl; *Seri W~ Raja* sl gelaran utk pembesar (kerajaan Melaka).

**wakaf I** Ar **1.** sesuatu yg diberikan utk kegunaan orang ramai (sbg derma), sesuatu yg diberikan atau diuntukkan bagi keperluan dsb yg berkaitan dgn agama Islam; *sumur (telaga) ~ sumur (telaga)* yg dibuat utk orang ramai; *tanah ~ tanah* yg diuntukkan bagi keperluan agama (utk perkuburan, mendirikan masjid, dll); **2.** badan (institusi) yg dibentuk yg ada kaitan dgn agama Islam;

**berwakaf** memberikan sesuatu (tanah, harta, dll) utk keperluan (kegunaan) umum atau keagamaan;

**mewakafkan** memberikan (tanah, harta, dll) utk kegunaan orang ramai, memberikan sesuatu utk hal atau keperluan yg berkaitan dgn agama: *pokok manggis itu diwakafkan kpd sesiapa yg tidak mempunyai pokok manggis dlm paraknya;*

**pewakaf** orang yg mewakafkan sesuatu: *~ berkuasa menentukan orang yg bertanggungjawab sbg pentadbir harta wakafnya.*

**wakaf II** Ar tempat berhenti sebentar (membaca dll), jeda.

**wakalah** Ar perwakilan.

**wakil 1.** orang yg diberi kuasa menggantikan atau bertindak bagi pihak orang lain, pengganti, sulih: *ia dihantar sbg ~ ayahnya utk menyelesaikan hutang-piutang itu;* **2.** orang yg dilantik sbg utusan atau utk bertindak dsb bagi pihak (kerajaan, persatuan sekerja, rakyat, dll), utusan: *beliau dihantar sbg ~ Malaysia ke persidangan B.B;* **3.** orang (syarikat dll) yg menjalankan urusan perniagaan dsb utk orang atau pihak lain, ejen: *syarikat itu telah dilantik sbg ~ General Motors di negeri ini;* **4.** Id jawatan yg kedua tingginya (di bawah jawatan yg disebutkan berikutnya), naib, penolong, timbalan: *~ kedua; ~ presiden;*  
*~ dagang* orang yg dilantik utk mengurus perdagangan; *~ mutlak* wakil yg diberi kuasa (hak dll) yg penuh; *~ nikah* orang yg

menjadi wakil pengantin dlm pernikahan; ~ (*pejabat*) *pos* pejabat pos kecil (yg biasanya menjadi wakil urusan pos di kampung-kampung dan tidak mempunyai bangunan yg khas); ~ *rakyat* seseorang yg telah dipilih dlm pilihan raya utk menjadi wakil penduduk di kawasan pilihan rayanya (dlm parlimen dsb), ahli parlimen, ahli majlis undangan negeri; ~ *tetap* orang dll yg dilantik menjadi wakil utk waktu yg berpanjangan; ~ *tunggal* wakil perdagangan yg satu-satunya (tidak ada wakil yg lain);

**berwakil** mempunyai (memakai) wakil, melantik (memberi kuasa dsb kpd) seseorang utk berlaku sbg wakil: *masalahnya, dia sendiri tidak hadir dan tidak pula ~;*

**berwakilkan** menggunakan (melantik dll) sbg wakil: *pelabur-pelabur yg ~ pejabat pos akan menerima suratakuan penerimaan dr Ibu Pejabat ASNB;*

**mewakili** menjadi wakil kpd, bertindak sbg wakil atau pengganti kpd atau bagi pihak (seseorang dll), menyulahi: *peguam yg telah disahkan oleh mahkamah tertinggi boleh hadir di mana-mana mahkamah utk ~ orang;*

**mewakilkan** **1.** memberi kuasa kpd seseorang utk menjadi wakil, menunjuk (melantik) seseorang lain utk mewakili: *semua ahli mesti hadir sendiri, tidak boleh ~ orang lain;* **2.** menyerahkan kpd orang yg dipercayai utk diurus dsb, mempercayakan (mengamanahkan) kpd: *perahu besar itu tinggal di pangkalan Saleh, diwakilkannya kpd orang di situ;*

**perwakilan** **1.** segala sesuatu mengenai wakil, perihal wakil-mewakili: *soal ~ pelajar utk duduk bersama dlm parlimen telah dibincangkan dlm mesyuarat itu;* **2.** beberapa orang utusan (pemerintah dll), perutusan: *menteri itu telah mengetuai satu ~ seramai lima orang utk menghadiri persidangan Pembangunan*

*Ekonomi Asia Tenggara*; **3.** para wakil, majlis wakil-wakil, tempat wakil-wakil: *dewan (majlis) ~ rakyat*; **4.** wakil (pejabat yg mewakili) sesebuah negara sebelum ada duta: *ia berhak mendapat perlindungan apabila berada di luar negeri menerusi duta-duta atau ~ negerinya di negeri itu*; **5.** wakil (pejabat yg mewakili) perdagangan: *majalah ini dapat dibeli melalui ~nya*.

**waktu** **1.** rangkaian atau rentetan saat (yg telah berlalu dan yg akan datang), masa: *secara rohaniah manusia itu bebas, bebas utk bergerak, baik dlm ruang mahupun dlm ~*; **2.** ukuran masa yg tertentu, jangka masa: *dlm ~ dua jam lagi, dia akan sampai*; **3.** saat (masa) tertentu utk melakukan sesuatu atau sesuatu yg telah ditetapkan, spt sembahyang dll: *~ tidur hendaklah berkelambu; jangan kau tinggalkan sembahyang lima ~*; **4.** saat, kala, ketika: *pd ~ itu dia tiada di rumah*; **5.** masa yg memberikan kesempatan utk (berbuat sesuatu, berehat, dll), kesempatan, peluang, tempoh: *~ lapangnya dihabiskannya dgn menulis*; **6.** keadaan hari dll, suasana: *tubuhnya panas tiap-tiap petang dan berpeluh pd ~ malam*;

*W~ Min Greenwich* waktu piawai di Great Britain yg digunakan sbg asas pengiraan waktu di tempat-tempat lain di dunia; *~ pejabat* waktu urusan sesebuah organisasi (kementerian, jabatan atau pejabat) dijalankan, biasanya antara 8.00 pagi hingga 5.00 petang; *~ perdana* waktu penyiaran yg mempunyai jumlah penonton yg paling ramai, yg dikesan melalui penyelidikan khalayak dan biasanya antara pukul 8.00 hingga 10.30 malam; *~ puncak* waktu lalu lintas yg paling sibuk, penggunaan tenaga elektrik yg paling tinggi, dll; *~ tempatan* waktu di sesebuah wilayah atau negara dibandingkan dgn waktu di tempat lain; *~ utama* waktu perdana;



*habis ~ kerana bang* prb terlalu lanjut membicarakan sesuatu yg tidak perlu sehingga yg perlu tertinggal;

**sewaktu** dlm waktu yg sama, pd masa (ketika), semasa: *nelayan itu telah dirompak ~ menangkap ikan*;

**sewaktu-waktu** bila-bila sahaja, sebarang waktu: *~ kami dapat ditangkap*;

**berwaktu** mempunyai waktu yg tertentu, memakai waktu; *sembahyang diberi ~, janji diberi berketika* prb sesuatu pekerjaan hendaklah ditetapkan waktunya supaya selamat dan sempurna.

**wakwak** sj kera, ungka, wawa.

**walabi** sj marsupial drpd famili Macropodidae, yg serupa dgn kanggaru tetapi saiz tubuhnya lebih kecil, mempunyai kaki belakang yg besar dan ekor yg panjang.

**walad** Ar anak (laki-laki).

**walah** → **kewalahan**.

**walak** Mn ark; **mewalakkan** menaruh, meletakkan;

**terwalak** terletak.

**walakin** Ar **1.** meskipun, walaupun, sungguhpun: *kehendak yg suci itu diperkenankan oleh kepala kantor itu, ~ dgn hati berat*; **2.** akan tetapi, namun (demikian).

**walang I** = *~ hati = berhati* ~ bersusah (bersedih) hati, dukacita, gelisah, kluatir;

**berwalang**; *~ hati walang hati*.

**walang II** Jw sj belalang; *~ sangit* sj serangga, cenangau, pianggang.

**walaru** sj kanggaru besar yg terdapat di kawasan berbatu-batan di Australia, *Marcopus robustus*.

**walau 1.** dan sekiranya, dan jika: *~ ke laut sekalipun, adinda akan ikut juga*; **2.** = **walaupun** biar(pun), kendati(pun), meski(pun): *~ sudah lewat tengah malam, ia akan pergi juga memanggil doktor*; **lau I.**

**waledan** Jw gaji (kenaikan atau tambahan gaji) yg belum dibayar.

**waleh** (waléh) Jw tidak berselindung lagi, berterus terang, mengaku.

**walet** (walét) Jw sj burung layang-layang.

**walhal 1.** padahal, sedangkan, dlm pd itu: *sehingga hari itu, zakat harta dikenakan pd petani sahaja ~ yg wajib mengeluarkannya bukanlah petani sahaja; 2.* meskipun, sungguhpun: *belum puas lagi Ani melihat gambar yg tertera di muka itu, ~ sudah sekian kali dia melihatnya.*

**walhasil 1.** dan hasilnya, kesudahannya, kesimpulannya: *maka panjanglah borak dan bual kedua-dua orang perempuan itu, ~ apabila perempuan berjumpa sama-sama perempuan macammacam jadi; 2.* sebenarnya, pd hakikatnya: *pd namanya saja mereka itu Islam, ~ pd amalannya mereka menyimpang drpd ajaran Islam.*

**wali I 1.** orang (bapa, datuk, abang, bapa saudara, sepupu laki-laki) yg boleh menikahkan pengantin perempuan: *Cik Rabiah masih mempunyai ~ ikrabnya yg kuat, iaitu bapanya sendiri; 2.* orang yg diberi kuasa (dlm Islam) utk mengurus anak yatim dan hartanya sehingga ia dewasa; **3.** = ~ *Allah = waliullah* orang yg dipilih oleh Allah SWT utk mendapat pertolongan-Nya dgn dirapatkannya pd kehadiran-Nya: *saya ini bukannya keramat atau ~ Allah; 4.* orang yg memerintah sesebuah daerah (negeri dll);

~ *akrab*, ~ *ikrab* a) orang yg layak menjadi wali yg sangat rapat hubungannya dgn pengantin perempuan (iaitu ayah, abang yg sulung, atau ayah saudara; b) ayah atau ibu kpd anak yatim yg layak mengurus harta si anak sehingga ia dewasa; ~ *kota* Id datuk bandar; ~ *negara* Id ketua negara bahagian (pd zaman penjajahan Belanda dan zaman Republik Indonesia Serikat); ~ *negeri* Id a)

ketua negeri; b) Gabenor Jeneral; ~ *rumah* mamak yg berkuasa dlm rumah adat, tungganai;

**berwalikan** mempunyai seseorang sbg wali;

**mewalikan** bertindak sbg wali, menjadi wali utk;

**memperwalikan** menjadikan seseorang (sbg) wali, menunjuk seseorang sbg wali;

**kewalian** darjat sbg seorang wali: *sesiapa yg menafikan ~nya dituduh jahil*;

**perwalian** 1. perihal wali; 2. pengasuhan anak yatim serta penjagaan hartanya; 3. pengasuh negara yg belum boleh berkuasa sendiri.

**wali II** sl sj kain kuning yg disampaikan di bahu pegawai istana yg membawa alat kerajaan.

**wali III** = *pisau* ~ sj pisau kecil utk mengukir (kayu dll).

**walid** bp ayah, bapa: *perkahwinan kita mendapat restu ~, dan telah berlangsung dua puluh tahun genap*.

**wali hakim** orang yg bukan waris (mis raja, kadi, dll) yg boleh menikahkan pengantin perempuan jikalau ketiadaan walinya (spt bapanya, datuknya, abangnya, dll);

**berwalihakimkan** menggunakan seseorang sbg wali hakim: *pernikahannya ~ kadi daerah*.

**walikukun** Jw sj tumbuhan (pokok), *Actinophora buurmani*.

**walimah** → **walimat**.

**walimana** sl sj burung yg besar utk kenaikan (kenderaan); **wilmana**.

**walimat** → **walimatulurus**.

**walimatulurus** Ar kenduri perkahwinan.

**waliullah** wali Allah; → **wali I**.

**wallah, wallahi** Ar **1.** demi Allah (waktu bersumpah): ~, *saya tidak bermain-main*; **2.** sr utk menyatakan terperanjat (kehairanan dll), ya Allah.

**wallahuaklam** Ar **1.** dan Allah jua yg lebih mengetahui; **2.** sr utk menyatakan keraguan (tidak mengetahui), entah; ~ *bissawab* dan Allah sahaja yg mengetahui sebenarnya.

**walkie-talkie** sj alat komunikasi kecil mudah alih yg membolehkan dua pihak atau lebih berkomunikasi secara langsung, biasanya pd jarak yg dekat.

**walmana** → **walimana.**

**walnat** **1.** sj pokok drpd genus *Juglans* yg mempunyai daun yg wangi, biasanya ditanam utk menghasilkan kacang yg boleh dimakan dan kayu yg boleh dibuat perabot dsb: *kayu* ~; **2.** kacang berwarna perang dan berkedut-kedut, yg boleh dimakan begitu sahaja, dijeruk atau dibakar utk dicampurkan ke dlm aiskrim, biskut, kek dan beraneka jenis pencuci mulut.

**walrus** sj mamalia laut (spt anjing laut), biasanya di laut utara, yg diburu utk mendapatkan kulitnya.

**waltz** **1.** sj tarian Barat yg dua orang penarinya menari (biasanya sambil berpimpin tangan) dgn langkah tertentu mengikut rentak muziknya; **2.** muzik utk tarian ini.

**waluku** Jk bajak, luku, tenggala.

**wam;** ~ *panas* ruam atau guam (yg timbul kerana panas).

**-wan** *akhiran asing* **1.** orang yg ahli (atau pelaku) dlm sesuatu bidang pekerjaan atau tugas, mis *angkasawan, sejarawan* dan *pustakawan*; **2.** orang yg memiliki sesuatu sifat atau kepunyaan, mis *hartawan, ilmuwan, jutawan* dan *dermawan*.

**wan 1.** gelaran utk suatu bangsawan Melayu: *W~ Andak; W~ Empuk; W~ Malini*; **2.** Pr panggilan utk ibu saudara; **3.** Ph, NS panggilan utk nenek perempuan; **4.** Kd panggilan utk datuk lelaki.

**wanara** (Sanskrit) sl kera.

**wandu** Jw banci, pondan.

**wang I 1.** alat pertukaran yg mempunyai harga (nilai) tertentu dan diakui sah, duit: *satuan ~ negeri kita ini ialah ringgit dan sen*; **2.** ki gaji, harta, kekayaan, pendapatan, upah; *~ buta* wang yg diberikan kpd orang yg tidak bekerja selama menanti pencen, gaji buta; **3.** sl duit yg bernilai satu pertiga tali: *pd masa itu di Melaka, segala jenis makanan pun mahallah, telur ayam tiga buah dua ~, dan ayam seekor satu rupiah*;

*tiga ~ setali*; *~ adat* Id wang utk perbicaraan di mahkamah; *~ bandar* wang yg dipertaruhkan dlm perjudian; *~ belanja* a) wang utk kegunaan hari-hari; b) ark gaji; *~ cengkeram (muka, pendahuluan)* wang yg dibayar dahulu utk menandakan setuju membeli (menyewa) sesuatu barang, panjar; *~ duduk (sidang)* Id wang upah utk anggota dewan dll ketika menghadiri persidangan; *~ duka (sungkawa)* Id wang yg diberikan kpd ahli waris yg meninggal semasa mengerjakan tugasnya; *~ hangat* (Eko) wang yg beredar (dr negeri ke negeri) kerana kadar bunga yg rendah; *~ hantaran* wang yg dihantarkan oleh pihak pengantin lelaki kpd pihak pengantin perempuan (dlm perkahwinan); *~ jaga-jaga (cadangan)* wang persediaan utk digunakan apabila diperlukan; *~ jantan* Id wang yg dibawa utk digunakan apabila diperlukan; *~ jalan* wang utk bekal dlm perjalanan; *~ jasa* a) wang yg diberikan sbg pembalas jasa; b) bunga wang, faedah; *~ kancing* sj wang utk jaminan; *~ karun* a) wang yg terjumlah dlm harta karun; b) wang yg diperoleh secara haram; *~ kecil (pecah-receh)* duit yg rendah

nilaiannya (sen dll); ~ *keras* wang yg tetap nilaiannya (dlm pertukaran antarabangsa); ~ *kertas* wang yg berupa kertas; ~ *kontan* Id wang tunai; ~ *kopi* (*jerih, sirih, teh*) wang yg diberi sbg hadiah (kerana mengerjakan sesuatu); ~ *kuliah* Id wang perbelanjaan belajar di sekolah tinggi; ~ *kunci* (*tiap*) wang yg dibayar kpd tuan rumah yg disewa rumahnya; ~ *lembur* Id wang upah kerana kerja lebih masa; ~ *logam* (*emas, perak, dll*); ~ *luar* wang (pendapatan) yg diterima hasil membuat kerja luar; ~ *mahar* (wang) mas kahwin; ~ *makan* wang bayaran makan (semasa menjalankan tugas); ~ *meja* Id wang pembayaran perbicaraan di mahkamah; ~ *panas* a) (Eko) wang yg dipindahkan dr sebuah negara ke sebuah negara yg lain, atau dr satu jenis pelaburan yg lain, utk mendapatkan kadar pulangan yg terbaik; b) Id wang pinjaman dgn bunga yg banyak; c) Id wang yg berlebih-lebih (dlm peredaran); d) Id wang yg senang dapat dan senang habisnya; ~ *pangkal* wang yg harus dibayar dahulu ketika mula-mula masuk persatuan dll (bayaran masuk); ~ *perlindungan* wang yg dibayar oleh seseorang kpd kongsi gelap atau samseng agar harta benda, perniagaan atau nyawanya dsb tidak diganggu atau diancam oleh kongsi gelap atau samseng; ~ *pertaruhan* wang yg dibayar sbg tanda sanggup menerima sesuatu tawaran (menjadi ahli dll); ~ *plastik* ki kad kredit; ~ *poket* bp = ~ *saku* wang yg dibawa utk digunakan apabila diperlukan; ~ *pokok* wang yg menjadi modal dlm perniagaan; ~ *pos* kepingan kertas yg mempunyai nilai tertentu yg boleh ditunaikan, yg dijual kpd pelanggan oleh pejabat pos dgn mengenakan komisen; ~ *ringgit* a) sl sj mata wang drpd perak; b) satuan mata wang Malaysia; c) segala macam kekayaan; ~ *sagu hati* a) wang yg diberikan sbg membalas jasa; b) wang yg diberikan kpd ahli waris anggota (polis, tentera, dll) yg meninggal

semasa bertugas; ~ *sekolah* wang bayaran sekolah; ~ *sembah* Jk wang yg diberikan oleh pihak laki-laki kpd bakal mentua sesudah pinangan diterima; ~ *syiling* duit kecil yg dibuat drpd logam; ~ *simpanan* wang yg disimpan utk masa depan; ~ *sogok* (*sorok, suap*) wang yg diberikan utk menyogok (menyuap); ~ *songsonian* wang berlebih yg dikembalikan selepas membayar (sesuatu); ~ *sumbangan* wang yg diberikan sebagai hadiah (sumbangan); ~ *tambang* wang utk membayar sewa atau tambang (kenaikan); ~ *tegur* (*penegur*) Jk wang yg diberikan kpd isteri utk memulakan pergaulan sbg suami isteri; ~ *tengahan* Id setengah rupiah, suku (50 sen); ~ *terjun* Id wang tambahan utk ahli pasukan payung terjun; ~ *tinta* wang upah kpd orang yg membuatkan surat (menandatangani surat keterangan dll); ~ *tunai* wang yg boleh digunakan pd bila-bila masa;

*ada ~ abang saya, tak ada ~ abang paya* (*payah*) = *ada ~ abang sayang, tak ada ~ abang melayang* prb orang yg disukai semasa ia kaya (berharta) sahaja; *setali tiga ~ prb sama sahaja* keadaannya (halnya);

**wang-wangan** mata wang tiruan, wang palsu;

**berwang 1.** mempunyai wang: *dia tidak ~, satu sen pun tidak ada;*

**2.** ki kaya, berharta;

**mengewangi** memberi modal kpd, membelanjai, membiayai;

**mengewangkan** menukarkan kiriman wang dll dgn wang;

**kewangan** perihal wang (keadaan atau urusan wang), segala sesuatu yg berkaitan dgn wang; *Kementerian K~* kementerian yg menguruskan wang negara; *kesukaran ~ kesukaran* (kekurangan) wang dll;

**perwangan** keadaan dan pengurusan wang.

**wang II** Kd; ~-*wing* berjalan mundur-mandir tanpa tujuan.

**wang III** sl; ~ *hati* sedih (pilu) hati.

**wang IV** singkatan bagi awang.

**wangi I 1.** sangat sedap baunya, harum; *air (minyak)* ~ air (minyak) yg harum baunya; *serai* ~ serai yg harum baunya; **2.** ki terkenal, harum: *namanya menjadi ~ di seluruh negeri*;

**berwangi-wangian** memakai wangi-wangian: *si isteri juga digalakkan ~ ketika suami berada di rumah*;

**mewangi** berbau harum, semerbak harum: *sbg batik Lasam, makin dibasuh makin ~ baunya*;

**mewangikan** menjadikan wangi, mengharumkan: *teh ini dibubuh sehiris limau nipis yg bertikam cengkih, bukan utk menghiasnya tetapi utk ~nya*;

**wangian** bau (minyak) wangi: *lebih semerbak drpd ~ kasturi*;

**wangi-wangian** segala sesuatu yg harum, bau-bauan yg harum;

**kewangian** perihal wangi, bau wangi, keharuman;

**pewangi** sesuatu yg mewangikan (menjadikan berbau wangi), pengharum: *di Mesir, upacara keagamaan, terutama kematian mestilah dilengkapi dgn penggunaan ~*;

**wangi II**; *akar* ~ = *rumpun* ~ sj tumbuhan (rumpun), naga setu, narwastu, *Vetiveria zizanioides*.

**wangkang** sj jong yg kecil, perahu besar.

**wangsa** (Sanskrit) bangsa, keluarga (raja, keturunan raja); *muda* ~ muda bangsawan; ~ *Shailendra* keluarga raja-raja Shailendra.

**wani** Jw berani.

**wanita** bh orang perempuan, lwn lelaki: *fikirannya tertumpu kpd ~~~ genit sahaja*; *kaum* ~ kaum ibu, kaum puteri;

**kewanitaan** perihal wanita, sifat-sifat wanita, keputerian: *Rohaya mempunyai sifat ~ yg cukup lemah-lembut serta paras yg cantik*;



**pewanitaan** (Bio) **1.** perkembangan ciri-ciri kewanitaan; **2.** pencetusan atau perkembangan ciri-ciri seks sekunder wanita pd lelaki.

**wanti-wanti** Jw berulang kali (melarang, memesan, dll), bersungguh-sungguh.

**wap** gas yg terjadi drpd air (cecair) yg dipanaskan;

**berwap** mengeluarkan wap: *menghirup teh yg ~;*

**mengewap** menjadi wap, meruap: *air dlm belanga sedang ~;*

**mengewapi** mengasapi dgn wap, mengukus;

**mengewapkan** **1.** memanaskan (memasukkan) dgn wap air panas, mengukus: *segala pakaian orang itu hendaklah direbus atau diwapkan supaya mati segala hama;* **2.** menjadikan berwap, mengeluarkan wap: *~ sesuatu bererti menukarkan bentuknya drpd cecair menjadi gas;*

**pengewapan** proses mengewap (mengewapi, mengewapkan).

**WAP** akronim bagi *Wireless Application Protocol* (Protokol Aplikasi Tanpa Wayar, iaitu suatu sistem yg membolehkan pengguna mengakses internet dgn menggunakan telefon bimbit).

**war** Kl berasa dahaga kerana makan kacang (kuih dll).

**wara; wara-wara** pemberitahuan, pengumuman, pengisytiharan.

**warak I** Ar taat dan patuh kpd Allah, tidak melanggar larangan agama;

**kewarakan** sifat warak: *agar kehidupan setiap manusia terisi dgn kebijaksanaan, semangat wira dan ~ mestilah dipupuk.*

**warak II** badan.

**warakatulikhlas** Ar surat yg dikirimkan dgn tulus ikhlas (dlm surat-menyurat cara lama).

**waran** **1.** surat kuasa yg dikeluarkan oleh majistret, biasanya kpd pegawai polis utk membolehkannya menangkap seseorang atau menggeledah (merampas) harta, dll: *~ telah dikeluarkan utk*

*menangkapnya*; **2.** surat kebenaran yg membolehkan sesuatu pembayaran atau penerimaan wang dibuat;

~ *geledah* perintah bertulis yg dikeluarkan oleh pihak berkuasa kpd polis atau pihak berkuasa lain utk menggeledah sesuatu tempat bagi mencari barang curi, dadah, dokumen dsb; ~ *pencen* surat yg membolehkan bayaran pencen dibuat; ~ *tangkap* surat kuasa yg dikeluarkan oleh mahkamah kpd pihak polis utk menangkap seseorang kerana tidak hadir di mahkamah dsb.

**warangan** sl racun tikus dll: ~ *kuning*; ~ *merah*; ~ *putih*.

**warangka** Jw bahagian sarung keris yg di atas, sampir.

**waranti** jaminan secara bertulis yg diberikan oleh syarikat kpd pembeli utk membaiki atau menukarkan sesuatu barang yg dibeli jika barang itu rosak atau tidak berfungsi dlm tempoh masa tertentu.

**waras** **1.** sihat, sembuh (jasmani): *dia tidak hendak masuk bekerja kerana kurang ~ rasa badannya*; **2.** sihat rohani (mental, ingatan); *kurang (tidak) ~ akalnya (ingatannya, otaknya, fikirannya)* bp gila; *fikiran yg ~* fikiran yg sihat dan sempurna (dapat berfikir dgn baik); **3.** berdasarkan taakulan (bkn pertimbangan, keputusan dsb), menurut pertimbangan atau fikiran yg wajar, rasional: *keputusan itu dibuat mengikut pertimbangan yg saksama dan ~*;

**mewaraskan** mewajarkan tindakan, emosi dsb dgn memberikan penjelasan, fakta dsb yg logik atau dapat diterima akal, merasionalkan: *sambil menghirup kopi, dia mencari-cari alasan bagi ~ tindakannya tidak pulang ke kampung selama itu; dia hanya diminta ~ fakta atau pandangan yg dikemukakan dlm rencananya*;

**kewarasan** perihal waras, keadaan sihat (tubuh), keupayaan berfikir (bkn otak atau fikiran);

**ketidakwarasan** perihal atau keadaan tidak waras (tubuh, otak).

**warasa** Ar pewarisan.

**warawiri I** Jw; *kembang* ~ bunga raya.

**warawiri II** Jw **1.** bp berjalan ke sana ke mari dgn tiada tujuan, mundar-  
mandir; **2.** tidak tetap (pendirian dll).

**warden 1.** orang yg bertanggungjawab menjaga seseorang atau sesuatu;  
**2.** pegawai kerajaan yg bertanggungjawab dlm penguatkuasaan undang-undang atau peraturan tertentu: *permit sementara itu hendaklah dikemukakan kpd polis, para pegawai JPJ atau ~ lalu lintas apabila dikehendaki berbuat demikian.*

**wardi** ark perintah; → **ordi.**

**warga 1.** ahli (suatu keluarga, syarikat, dll), anggota; ~ *dalam* kerabat raja yg tinggal dlm istana; ~ *dunia* orang yg bukan rakyat sesuatu negara; ~ *jagat* ark warga dunia; ~ *kota* penduduk kota; ~ *tua* bh orang tua: *Hari W~ Tua Sedunia disambut pd 1 Oktober*; **2.** ark tingkatan masyarakat dlm agama Hindu, kasta;  
**kewargaan** keanggotaan.

**warganegara** rakyat sesebuah negara (yg terdiri drpd penduduk asli tempatan ataupun orang asing yg telah diterima menjadi rakyat mengikut undang-undang): ~ *Malaysia*;

**mewarganegarakan** menjadikan warganegara;

**kewarganegaraan** perihal warganegara, kerakyatan sesebuah negara: *tidak seorang pun boleh dilucuti ~nya secara sewenang-wenang*;

**pewarganegaraan** perihal mewarganegarakan.

**wari** Mn; **berwari** sl maka (tersebutlah); → **berwari.**

**warid I** Ar menurut yg dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW (berdoa, sembahyang, dll).

**warid II** urat nadi.

**waringin** Jw beringin.

**waris** I Ar **1.** orang atau pihak yg berhak menerima pusaka orang yg telah meninggal: *apabila seseorang mati meninggalkan harta, maka harta itu mestilah diturunkan kpd ~nya; ahli ~* orang yg menjadi waris; **2.** penjaga atau wali (kanak-kanak): *apakah hukumnya jika penjaga atau ~ kanak-kanak yg berumur tujuh hingga sepuluh tahun mengabaikan ajaran sembahyang kpd kanak-kanak tersebut?* **3.** = **warisan** harta pusaka, harta peninggalan: *anak cucu akan menerima ~ ayah bondanya; ~ ahli* waris yg sebenarnya (anak dll); *~ kuat (yg karib)* waris yg hampir sekali (anak, cucu, dll); *~ negeri* sl waris yg bakal menggantikan sultan; *~ sah* orang yg berhak menjadi waris menurut hukum (adat, agama, dll);

**berwaris** meninggalkan waris, ada warisnya: *bagi orang mati yg tidak ~, urusan harta peninggalannya terserah kpd pemerintah;*

**mewarisi** **1.** menerima harta pusaka drpd, mempusakai: *dia telah ~ tanah getah ibunya;* **2.** menurut dan membawa perangai (rupa, sifat, dll) orang tua dll, mengikut jejak orang dll yg sebelumnya (dlm pekerjaan dll): *Martinah ~ muka ibunya; Semaun ~ sifat-sifat Pak Kasa; ayah seorang lelaki yg ~ zamannya;* **3.** ki menerima apa yg ditinggalkan: *pegawai-pegawai tinggi Melayu yg sudah memang biasa di kelab itu sejak zaman lampau, berasa diri mereka ~ sisa-sisa nikmat menjadi tuan yg ditinggalkan oleh pegawai kolonial;*

**mewariskan** **1.** meninggalkan harta pusaka kpd, memberikan pusaka atau peninggalan kpd: *aku akan ~ hasil-hasil seni ini kpd rakyatku;* **2.** menjadikan seseorang sbg waris; **3.** ark mewarisi;

**warisan** **1.** harta peninggalan, harta pusaka: *Mimi pergi ke Bandung utk suatu urusan ~;* **2.** sesuatu yg diwarisi, sesuatu yg

turun-temurun, peninggalan: *kata jongos merupakan kata ~ kolonial;*

**kewarisan** mendapat warisan;

**perwarisan** hal yg berkaitan dgn berwaris: *undang-undang ~; hak ~;*

**pewarisan** perihal mewarisi (mewariskan): *penyelidikan tentang asal-usul dan ~ segala gagasan bahasa merupakan bidang sejarah linguistik;*

**pewaris** orang (pihak) yg mewarisi, waris: *kita adalah ~ kebudayaan yg terkaya dlm dunia; ~ ilmu Yunani; beliau muncul sbg ~ jawatan Perdana Menteri.*

**waris II** Jk = **warisan** selalu bernasib baik (dlm perniagaan dll), beruntung, mujur.

**warita** ark sl berita, cerita, khabar, warta; → **urit**.

**warkah, warkat** Ar **1.** surat: *senang sungguh hatinya menerima ~ itu;* **2.** kandungan (isi) surat.

**warna 1.** kesan yg didapati oleh mata drpd cahaya yg dipantulkan oleh benda-benda (dgn gelombang yg berbeza-beza) yg dilihatnya, rona: ~ *merah;* ~ *hijau;* ~ *cempaka;* ~ *tua;* ~ *muda;* **2.** bermacam-macam, berbagai-bagai (dlm kata majmuk): ~ *sari;* **3.** ragam atau corak (keadaan atau sifat sesuatu): *pekerjaan saya banyak memerlukan pengetahuan tentang bentuk dan ~ negara lain;* **4.** ark kasta atau golongan (dlm masyarakat): *masyarakat Hindu mempunyai empat ~;*

~ *biji remia* Kd warna ungu; ~ *dasar (utama)* warna iaitu merah, biru dan kuning, yg menjadi dasar utk memperoleh warna lain; ~ *karat* warna coklat gelap dgn campuran warna merah atau kekuningan; ~ *primer* warna dasar (utama); ~ *sekunder* warna yg terhasil drpd dua warna primer;

**berwarna 1.** mempunyai warna (spt merah, hijau, dll), ada warnanya: *kain tabir ~ biru tua; bangsa (kulit) ~ bangsa yg kulitnya hitam (coklat dll), bukan bangsa kulit putih; 2.* menarik, istimewa, berlainan drpd sesuatu yg biasa: *pelbagai kaum mempunyai cara hidup, kepercayaan, dan sifat semula jadi sendiri dan ini menjadikan suasana di sini lebih ~ dan unik;*

**berwarna-warna = berwarna-warni.**

**mewarnai 1.** = **mewarnakan** memberikan berwarna (bercorak), menyapu dgn warna: *kanak-kanak hendaklah disuruh mencuba ~ lukisan mereka; 2.* ki meragamkan, mencorakkan, memberikan corak (yg tertentu) kpd: *kedua-dua ciri inilah yg ~ sesuatu budaya;*

**pewarnaan** perihal atau proses mewarnakan (mewarnai): *mulakan dgn ~ pipi;*

**pewarna** bahan utk mewarnakan (mewarnai).

**warna bunyi** ark, Id fonem.

**warna nada** Id warna suara.

**warna sari 1.** berjenis-jenis bunga, bermacam-macam; **2.** kumpulan bermacam-macam karangan yg penting-penting (indah dll), antologi, bunga rampai.

**warna-warni 1.** berbagai-bagai warna(nya) (spt biru berserta merah dan warna-warna lain): *bangunan yg dihiasi bendera ~; 2.* berbagai-bagai ragam atau corak, aneka ragam: *~ dlm puisi Malaysia mutakhir;*

**berwarna-warni 1.** mempunyai warna yg berbagai-bagai, bermacam-macam warnanya, beraneka warna: *hulu keris itu dihiasi dgn permata yg ~; 2.* mempunyai atau menunjukkan ragam atau corak yg berbagai-bagai, beraneka ragam: *tiga belas esei dlm*

*terbitan ini membicarakan tiga belas bidang budaya yg ~ dan beragam;*

**mewarna-warnikan** menjadikan berwarna-warni.

**warna warta** bermacam-macam berita (khabar).

**warta** berita, khabar: *tidak pernah kami dengar ~ bahawa manusia menjadi binatang; juru~ jurukhabar, wartawan;*

*~ berita* berbagai-bagai berita; *~ harian* surat khabar yg diterbitkan setiap hari; *~ kerajaan* risalah yg diterbitkan oleh kerajaan utk menyiarkan undang-undang (pelantikan dll) yg telah disahkan oleh kerajaan; *~ sepekan* Id majalah yg dikeluarkan seminggu sekali;

*~ dibawa pikat dan langau* sl perkhabaran yg belum sah, khabar angin;

**mewartakan** memaklumkan, memberitahukan, mengkhabarkan: *pemberita kita di Melaka ~ bahawa pemilihan johan bagi negeri itu telah selesai;*

**terwarta** telah diwartakan: *teks ~;*

**pewartaan** perihal mewartakan, pemberitaan, pengkhabaran, pemberitahuan;

**pewart** orang yg memberitakan, pemberita.

**wartawan** orang yg menulis berita atau rencana utk surat khabar atau majalah; *~ bebas* wartawan yg bebas menulis utk sebarang akhbar (majalah);

**kewartawanan** yg berkaitan dgn bidang tugas (kegiatan dll) wartawan, segala yg berkaitan dgn hal penerbitan dan penulisan surat khabar atau majalah: *saya memilih jurusan ~ ; serentak dgn perkembangan pesat media elektronik, timbul pula tuntutan supaya wartawan generasi sekarang tidak semata-mata terlatih*

*dlm bidang komunikasi biasa tetapi perlu juga dilatih dlm disiplin  
~ penyiaran.*

**wartawati** ark wartawan wanita.

**wartel** (wartél) Id akronim bagi warung telekomunikasi (iaitu tempat yg menyediakan khidmat telefon).

**waru** sj tumbuhan (pokok kecil), baru-baru, baru laut, buah keras laut,  
*Thespesia populnea.*

**warun** (Sanskrit) sl sj dewa laut.

**warung** kedai kecil tempat menjual makanan dan minuman, lepau: ~  
*makan; ~ kopi;*

**berwarung** mempunyai (berniaga) di warung, berlepau.

**wasak** Ar kemampuan yg terbawa oleh unta (lebih kurang 180 kati atau  
109 kilogram).

**wasangka** = *syak* ~ syak dan sangka, curiga, kecurigaan, kebimbangan  
hati, khuatir (bimbang, ragu-ragu), sangsi: *tegur sapa orang  
dijawabnya dgn tulus dgn tiada menaruh syak ~ sedikit jua;*

**berwasangka** menaruh syak wasangka: *janganlah kita begitu  
mudah ~ terhadap orang lain.*

**wasap** wap yg terbebas drpd cecair mudah meruap yg kelihatan spt asap,  
biasanya beracun dan kuat baunya;

**mewasapi** mengenakan atau menyemburkan wasap pd sesuatu  
tempat dsb utk membasmi hama, serangga dsb: *pihak berkuasa  
tempatan telah ~ kawasan perumahan itu utk mencegah  
pembiakan nyamuk Aedes;*

**pewasapan** perihal (proses, perbuatan dsb) mewasapi: ~ *ini akan  
membasmi segala serangga perosak yg mungkin terdapat bahan  
tumbuhan itu;*



**pewasap** bahan atau alat yg digunakan utk mewasapi: *kaedah ini juga melibatkan pendedahan kpd bahan kimia spt asap dan bahan ~.*

**wasi** Ar orang yg dilantik utk menunaikan wasiat.

**wasiat I** kehendak yg penghabisan yg disampaikan oleh orang yg hampir meninggal (bkn harta benda dll), pesan yg terakhir: *aku telah satukan kamu semua dgn seberapa daya yg boleh spt ~ ibu engkau itu; surat ~ surat yg menyatakan kehendak orang yg meninggal;*

**berwasiat** membuat wasiat, berpesan: *dia ~ kalau dia mati segala hartanya diberikan kpd isteri dan ibunya; Khalifah Abu bakar telah ~ kpd Usamah dan tenteranya;*

**mewasiatkan** memberi wasiat, menentukan orang sbg waris, mewariskan: *maksud hamba yg kedua ialah hendak ~ sekalian harta;*

**pewasiat** orang yg membuat (meninggalkan) wasiat.

**wasiat II** **1.** pusaka; *keris ~ keris pusaka;* **2.** yg bertuah, yg dapat membuat sesuatu yg ganjil dll, yg aneh, yg ghaib: *tongkat ~.*

**wasiat III** Id; *Kitab W~ Baru (Lama) Kitab Perjanjian Baru (Lama) dlm agama Kristian.*

**wasilah, wasilat** Ar ikatan, perhubungan, pertalian: *apa yg jelas dan nyata ialah ilmu yg dituntut oleh manusia hanyalah sbg ~ dan jalan utk mengenal Allah.*

**wasir** singkatan bagi bawasir.

**wasit** Ar **1.** sl orang tengah (dlm perniagaan dll), pengantara; **2.** orang yg meleraikan (orang berkelahi dll), peleraian, pendamai; **3.** pengadil (dlm pertandingan bola sepak dll).

**wasitah** Ar **1.** wasit perempuan; **2.** pengantara (dlm perkahwinan), telangkai; **3.** orang perempuan yg boleh berhubung dgn orang

halus; *ilmu* ~ ilmu pengetahuan yg boleh menghubungkan diri seseorang dgn roh.

**waskita** ark awas, berjaga-jaga, waspada.

**waslah** Ar tanda dlm tulisan Arab yg menunjukkan penyambungan yg menghilangkan bunyi huruf alif (hamzah), penghubungan, perangkaian.

**waspada** = **berwaspada** tidak cuai, berawas-awas, berhati-hati, berjaga-jaga, beringat-ingat: *dia selalu ~ dan berhati-hati benar*;

**kewaspadaan** perihal atau keadaan waspada: ~ *tentera kita diperhebat lagi*.

**wassalam** Ar **1.** selamatlah, sejahteralah; **2.** hormat dan takzim drpd (biasanya pd penutup surat).

**waswas I 1.** (perasaan) sangsi: *dia mahu suaminya hidup di sisinya tanpa bimbang dan ragu-ragu, tanpa syak dan ~*; **2.** (perasaan) curiga, kecurigaan: *drpd perjumpaan itu hilanglah ~ aku kepadanya; seorang babu yg tidak pernah aku lihat yg berwajah samseng mengerling aku dgn ~ dr pintu*; **3.** khuatir: *janganlah Datuk berasa ~ terhadap perkataan hamba*;

**mewaswaskan** menyebabkan berasa waswas: *saya ingat tidak ada apa-apa lagi yg boleh ~ hati*;

**kewaswasan** rasa (keadaan) waswas: *dlm dirinya ada ~ tentang kesahan sembahyangnya*;

**waswas II** Ar sangkaan buruk yg merunsingkan hati (fikiran dll), godaan batin.

**wat** rumah berhala Buddha, kuil, tokong: *mereka bersoal jawab dgn salah seorang sami di ~ tersebut*.

**watak 1.** sifat (seseorang) yg zahir dan batin (merangkumi budi pekerti dan tabiatnya, tingkah lakunya, jiwanya, pemikirannya, dsb): *kesopanan dan ketenangan mereka menggambarkan ~ orang yg*

*berpendidikan; 2. tokoh atau pelaku dlm karya sastra atau seni (spt novel, cerpen dan drama, dsb): penulis itu memberikan personaliti kpd tiap-tiap ~nya;*

**berwatak** mempunyai watak, berbudi pekerti, berkeperibadian: *dia sendiri memang sudah ~ seniman;*

**berwatakkan** mempunyai atau menggunakan sesuatu sbg watak: *nama Parameswara tidak pernah disebut dlm Sejarah Melayu, tetapi yg disebut ialah Raja Iskandar Syah yg tentunya ~ Islam;*

**memperwatakkan** membentuk watak (seseorang pelaku dlm cerita), menggambarkan (memaparkan dsb) watak: *ketaralah bahawa kejadian-kejadian dlm drama "Tamu di Bukit Kenny" tertumpu kpd fikiran, kelakuan, dan tindakan Si Pegawai yg diperwatakkan sbg manusia yg agak baik;*

**perwatakan 1.** watak (seseorang) keseluruhannya, keseluruhan watak: *~ Panji Semirang pd keseluruhannya tidak lari drpd sifat asasinya sbg seorang perempuan; 2.* pembentukan watak, penggambaran (pemaparan dsb) watak.

**watan** Ar tanah air, tanah tumpah darah: *rela berkorban utk berbakti kpd ~;*

**kewatanan** semangat utk membela nasib bangsa dan negara: *faham kebangsaan Melayu berdasarkan ~, rasa kemanusiaan, dan persaudaraan.*

**watang** Jw, sl batang (pohon kayu).

**wataniah** Ar perihal tanah air, yg berkaitan dgn tanah air; *tentera ~ tentera sukarela.*

**watas** Jw batas, perenggan, sempadan: *sebatang sungai mengalir dekat ~ kebun itu;*

**berwatas, berwatasan** berbatasan, berperenggan, bersempadan: *di sebelah utara Tanah Arab, ~ dgn daerah Kerajaan Rom;*

**mewatasi** membatasi, menyempadani;

**perawatan** perbatasan.

**watek** Jw watak.

**watermantel** IB, bp sj senapang mesin besar yg larasnya berselongsong yg diisi dgn air.

**waterpas** IB, **1.** bp sj alat utk menentukan rata tidaknya (permukaan dll);  
**2.** rata (permukaan dll).

**waterpruf** bp tidak masuk air, kalis air, kedap air: *jam tangannya ~*.

**wates** → **watas**.

**wati** ark **1.** sl alam, angkasa, langit (dlm kata majmuk); **2.** bentuk yg menyatakan perempuan (spt yg digunakan dlm perkataan *peragawati* dan *seniwati*).

**watikah** surat dsb yg menjadi bukti sesuatu pengiktirafan (kuasa, hak, dsb) yg diberikan kpd seseorang: *pengisytiharan itu telah dibacakan oleh Menteri Besar Perak sebaik-baik sahaja beliau menerima ~ drpd Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan*.

**watt** (Fiz) unit ukuran kuasa elektrik.

**wattan** jumlah kuasa elektrik yg diukur dlm nilai watt.

**watt-jam** unit kerja atau tenaga yg bersamaan dgn 1 watt kuasa elektrik yg digunakan selama 1 jam.

**wau I** layang-layang yg dibuat drpd kertas dan buluh: *~ bulan; ~ kapal; ~ kemetek;*

*bagai ~ putus teraju* prb putus harapan dan berserah kpd nasib;  
*laksana ~ melawan angin* prb membuat pekerjaan yg tidak mungkin terkerjakan.

**wau II** **1.** huruf ke-26 abjad Arab (mempunyai nilai enam); **2.** huruf ke-30 abjad Jawi; *tahun ~ tahun* yg ketujuh dlm satu windu: *pd tahun Hijrah seribu seratus sebelas, tahun ~*.

**wau III** sr utk melahirkan rasa kagum, terkejut, atau seronok: ~,  
*besarnya ikan ini!*

**wawa, wawak** wakwak.

**wawancara** soal jawab antara wartawan dsb dgn orang yg terkemuka dll  
utk mendapatkan keterangan (pandangan dsb) utk disiarkan, temu  
ramah, temu bual, interviu;

**berwawancara** bersoal jawab antara wartawan dgn orang yg  
terkemuka dll, bertemu ramah, bertemu bual;

**mewawancara, mewawancarai** mengadakan (melakukan)  
wawancara, menemuramah, menemu bual, menginterview: *dr siang  
tadi sampai petang ini rajin sekali doktor Robert Winata  
memeriksa sambil mewawancarai diriku; sebuah akhbar  
mingguan telah ~ beberapa orang pemuda bukan Melayu;*

**pewawancara** orang (wartawan dsb) yg mewawancara, penemu  
ramah, penemu bual, penginterview.

**wawansabda** ark wawancara;

**berwawansabda** berhubung: *memungkinkan insan ~ dgn  
pencipta-Nya.*

**wawas; mewawaskan** menghasilkan wawasan: *jika mahu membentuk  
masyarakat Malaysia yg bertaraf maju spt yg diwawaskan,  
sembilan cabaran hendaklah diatasi;*

**wawasan 1.** fahaman atau tanggapan bkn sesuatu hal, pandangan,  
konsepsi: *pola penceritaannya lebih kelihatan spt main-main,  
iaitu tidak didukung oleh kematangan ~;* **2.** pandangan jauh  
(terutamanya yg berkaitan dgn perkembangan masa depan) bagi  
mencapai matlamat penting sesebuah organisasi atau negara, visi:  
*W~ 2020; kita mestilah proaktif dan ada ~ jika ingin berjaya dgn  
cemerlang;*

**berwawasan** mempunyai pandangan jauh tentang kemajuan atau perkembangan masa depan sesuatu: *agama Islam berjaya membentuk tamadun yg harmoni, merdeka dan ~ tinggi; sememangnya dia seorang pemimpin yg ~.*

**wayang** **1.** patung dll yg dibuat drpd kulit dll utk mempertunjukkan sesuatu cerita: *kita adalah ~ di tangan dalang*; **2.** pertunjukan pentas (sandiwara, bangsawan, dll); *anak ~ orang yg berlakon dlm pertunjukan pentas (sbg profesion)*; **3.** = ~ *gambar* = ~ *gelap* pertunjukan gambar hidup yg berupa cerita dsb (yg ditayangkan pd layar putih): *budak-budak di situ dapat menonton ~ gambar di sebuah panggung tempatan*;

*panggung ~ tempat wayang gambar dipertunjukkan (ditayangkan); ~ bangsawan sj pertunjukan pentas (sandiwara dan nyanyi-nyanyian); ~ Cina = ~ potehi sj permainan pentas orang Cina; ~ golek = ~ kelitik = ~ kerucil = ~ patung = ~ tongkol wayang yg dibuat drpd kayu (berupa anak-anakan dll); ~ kulit = ~ purwa wayang drpd patung-patung yg diperbuat drpd kulit; ~ orang sj sandiwara Jawa dgn tarian yg diiringi oleh gamelan (melakonkan cerita-cerita yg berasal drpd kitab Mahabharata); ~ suluh Id wayang kulit yg dimainkan dlm bahasa Indonesia;*

**mewayangkan** memainkan wayang, menjadikan lakonan wayang, melakonkan, mendalangkan.

**wayar** dawai, kawat: ~ *elektrik*; ~ *telefon*.

**wayarles** (wayarlés) **1.** tidak melalui kawat tetapi melalui gelombang elektrik di udara (utk menghantar berita); **2.** alat yg digunakan utk menghantar atau menerima berita dll tanpa melalui kawat.

**wayu** sl angin, bayu.

**wayuh** Jw beristeri lebih drpd seorang.

**wazir** sl menteri, perdana menteri.

**we** (wé) → **weh**.

**Weda** (wéda) kitab suci agama Hindu (dlm bahasa Sanskrit).

**Wedam** (wédam) → **Weda**.

**wedana** Jw ketua daerah;

**kewedanaan** pejabat (tempat kediaman atau daerah) wedana.

**wedani** Jw sj tumbuhan (pokok memanjat), *Quisqualis indica*.

**wede** (wédé) IB, bp wakil, paltu.

**weduk** Jk kebal;

**kewedukan** ilmu kekebalan.

**wegah** Jw rasa tidak suka melakukan apa-apa, enggan, malas, segan.

**weh** (wéh) sr utk menarik perhatian orang: *adinda ~, dengar kekanda bermadah; awak nak minum juga ~?*

**weharima** (wéharima) (Sumbawa) ark gotong-royong.

**wejang** Jw; **diwejang** diberi nasihat (tunjuk ajar dll);

**wejangan** **1.** ajaran, nasihat, tunjuk ajar: *demikianlah ~ ayah yg tidak pernah kulupakan; 2.* pidato yg bertujuan utk menyampaikan pengajaran: *setiap orang ingin melihat pemimpinnya, menyentuh pemimpinnya, mendengarkan ~nya.*

**weker** (wéker) IB jam utk menjagakan, jam gerak, beker.

**welahr** ark tasik kecil.

**welas** Jw belas, kasihan; ~ *asih* belas kasihan.

**welasan** (Palembang) tambahan (tiap sepuluh ditambah satu), imbuh.

**weling** Jw pesan, wasiat.

**welirang** Jw belerang.

**Weltanschauung** (wéltanschauung) (Jerman) pandangan menyeluruh, terutama bagi seseorang individu terhadap kehidupan manusia dan alam sejagat.

**wenang** Jw wewenang;

**berwenang** mempunyai hak (utk berbuat sesuatu): *ketua regu itu ~ utk menuntut ketaatan anggota regu;*

**sewenang-wenang, bersewenang-wenang 1.** (membuat sesuatu) dgn sekehendak hati sahaja, dgn semahu-mahunya: *kita tidak boleh membiarkan kaum bapa ~ sahaja bertindak terhadap kaum ibu;* **2.** bermaharajalela (melakukan sesuatu), kejam, zalim: *tawanan mereka telah disakiti dgn cara yg kejam dan ~;* **3.** melakukan sesuatu tidak dgn teliti (dgn sembarangan sahaja, tidak dgn usul periksa): *kata nasional yg digunakan dgn ~ itu sangatlah mengelirukan;*

**kesewenang-wenangan** perbuatan sewenang-wenang, kezaliman;

**kewenangan** hak dan kekuasaan utk berbuat sesuatu.

**werak** (wérak), **werek** (wérek) Jw, bp orang yg mencari-cari buruh kontrak (biasanya dgn menggunakan tipu helah).

**Wesak** (wésak); *Hari W*~ hari perayaan keagamaan yg dirayakan oleh penganut agama Buddha pd bulan Mei setiap tahun.

**wesel** (wésel) **I** IB **1.** = *pos* ~ surat utk mengirim wang kpd seseorang (syarikat dsb) yg dikeluarkan oleh pejabat pos; **2.** *surat* ~ surat yg membolehkan seseorang mengambil wang yg dikirimkan (di pejabat pos).

**wesel** (wésel) **II** IB alat utk mengalihkan rel kereta api di persimpangan (persambungan) rel; *salah* ~ bp salah faham, salah pengertian, keliru.

**weskot** (wéskot) ark sj baju dalam yg tidak berlengan, labuhnya hingga ke pinggang, berbutang depan, dan dipakai di bawah kot atau jaket, rompi.

**wet** (wét) **I** IB undang-undang, hukum.

**wet** (wét) **II** Kl; **mengewet** membengkokkan (benda yg keras dan panjang).



**wetan** (wétan) Jw timur.

**wewangian** ark wangi-wangian.

**wewenang** Jw hak dan kekuasaan (utk berbuat sesuatu): *eh, kalau aku punya ~, aku juga ingin punya duit banyak-banyak.*

**WHO** kep *World Health Organisation* (Pertubuhan Kesihatan Sedunia).

**wibawa** = **kewibawaan** **1.** kekuasaan, hak, atau keupayaan yg membolehkan seseorang dll menguasai atau mengarah orang lain atau menerbitkan pengaruh yg kuat: *kewibawaannya sbg pemimpin persatuan itu dipertikaikan; memang benar pemimpin yg dikurniai daya penarik dan ~ utk menggerakkan rakyat itu seorang diktator; ~nya terpelihara dan dia akan menguasai terus masyarakatnya; 2.* sifat atau keistimewaan sesuatu, spt sesebuah institusi atau terbitan yg menjadikannya dapat dipertanggungjawabkan atau dijadikan pegangan: *~ Dewan Bahasa dan Pustaka sbg badan pembinaan dan pengembangan bahasa;*

**berwibawa** = **berkewibawaan** mempunyai wibawa (kewibawaan): *penggunaan kata ini akan diterima orang akhirnya jika kamus tersebut ~; utk menjadi media massa yg ~, maka gaya, isi, dan pendekatannya harus ditumpukan pd manusia dan permasalahannya yg sebenar; pemimpin juga harus cekap berfikir, cekap berpidato, mempunyai karisma tertentu, ~ tinggi, serta sentiasa bercakap positif.*

**widara** bidara.

**widuri** Jw sj tumbuhan (pokok renek), *Caloptropis gigantea*.

**wig** sj rambut palsu berkeriting berwarna putih, yg dipakai oleh hakim dsb semasa perbicaraan di mahkamah.

**wih** → **weh**.

**wijaya** (Sanskrit) sl kemenangan, menang; ~ *mala* (*mulia, kesuma*) sl sj bunga sakti yg dipercayai boleh menghidupkan orang mati.

**wijen** (wijén) Jw bijan.

**wijil** Jw jalan keluar, pintu.

**wikalat** Ar jawatan (sbg) wakil, perwakilan.

**wiket** (wikét) (dlm permainan kriket) tiga kayu pancang yg dipacak dgn dua anak pancang melintang di atasnya, yg ditujui oleh bola yg dibaling oleh pihak lawan, dan yg dihadang oleh pemukul.

**wiku** sl pendeta yg bertapa.

**wila**; *orang* ~ suku bangsa orang asli di Kedah.

**wiladah** Ar; *mandi* ~ a) mandi yg diwajibkan bagi ibu yg baru bersalin (dlm agama Islam); b) upacara mandi bagi perempuan hamil (7 bulan), mandi lenggang perut, mandi tian.

**wilangon** Jw, sl asyik berahi, dendam berahi.

**wilangun** Jw, sl wilangon.

**wilayah** Ar jajahan, daerah, kawasan, negeri, provinsi: ~ *Jawa Barat*; ~-~ *Afrika Tengah*; *hak* ~ Id hak utk menguasai tanah dll (tetapi tidak memiliki);

**kewilayahan** sifat yg mementingkan wilayah atau daerah sendiri.

**wilayat** Ar wilayah.

**wilis** Jw, sl biru kehijau-hijauan, hijau tua, *ratna* ~ sl permata yg hijau.

**wilmana** (Sanskrit) sl kereta, kendaraan.

**windu** jangka waktu yg lamanya lapan tahun, daur kecil;

**berwindu-windu** beberapa windu (lamanya).

**wineka** (winéka) ark sangat hati-hati (terhadap sesuatu).

**wingit** Jw suci dan keramat, muhtasyam;

**kewingitan** keadaan wingit, kekeramatan: *malam terus bening, disepuh* ~ yg turun bersama rintik-rintik pawitera dr puncak *wisesa*.

**wira** sl pahlawan, lelaki;

**kewiraan** sifat-sifat sbg seorang wira: *ternyata bahawa ~ Benjamin tidak sama dgn ~ Ratu Bongsu.*

**wirama** irama.

**wirang** Jw aib, malu; *membalas lara ~ membalas dendam kerana diberi malu.*

**wiraswasta** orang yg bijak dan berkebolehan dlm mengusahakan aktiviti perniagaan atau perdagangan secara profesional, spt mengenal pasti, menentukan keluaran baru, dsb: *usahawan Melayu bukan sbg kapitalis yg berwatak binatang ekonomi, tetapi sbg ~ Muslim yg terikat dgn norma dan etika agamanya.*

**wirawan** sl gagah berani, gagah perkasa: *kenapakah kamu menanyakan yg serupa itu, wahai anak muda yg ~?*

**wirawati** perempuan yg gagah berani (gagah perkasa): *Florence kini muncul sbg ~ olahraga Amerika Syarikat bagi era 1988.*

**wirid** Ar 1. petikan drpd Quran yg ditentukan utk dibaca (dipelajari dll);  
2. zikir yg dibaca selepas sembahyang;

**berwirid** membaca wirid, berzikir: *lepas sembahyang, mereka ~ membilang tasbih.*

**wirit; wiritan** bp amalan, kelaziman, kebiasaan.

**wiron** → **wiru**.

**wiru** Jw lipatan (pd kain dll);

**berwiru-wiru** berlipat-lipatan (kain dll).

**wisata** (ber)darmawisata.

**wisatawan** orang yg berdarmawisata, pelancong.

**wisel** (wisél) sj alat berupa tiub kecil dsb yg mengeluarkan bunyi siulan yg nyaring apabila ditiup: *sebaik-baik ~ berbunyi mengisyaratkan kereta api itu akan bertolak, Ramlan dgn segera turun mencium tangan ibu bapanya.*

**wisesa** (wisésa) ark kekuasaan yg tertinggi.

**wiski** minuman keras yg diperbuat drpd bijian, spt barli, oat, rai, dll.

**wisma** **1.** rumah; **2.** bangunan yg di dalamnya terdapat ruang pejabat, kedai, dsb: *W~ Persekutuan; W~ Yakin.*

**wit** Kl, Pr; **mengewit** mengarahkan (perahu dll) ke tempat yg dituju.

**witir** Ar ganjil (bilangan); *sembahyang* ~ sembahyang sunat yg bilangan rakaatnya ganjil dan dikerjakan antara selepas sembahyang isyak dgn waktu subuh.

**wiyata** Jw ark pengajaran: ~ *praja* jawatan urusan pengajaran di Yokyakarta.

**wizurai** sl naib raja, gabenor jeneral; **waizuri.**

**woksyop** bp bengkel.

**wolanda** ark Belanda.

**wolfram** sj logam yg tahan dibakar, tungsten.

**wong** Jw orang.

**wongweng** (wongwéng) Pl mundar-mandir, ulang-alik, bolak-balik.

**wortel** IB sj lobak merah.

**worawari** Jw bunga raya.

**writ** (Udg) perintah atau proses yg dikeluarkan oleh mahkamah atau pegawai kehakiman meminta mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan sesuatu, dan yg mengandungi arahan tentang apa yg patut dibuat; ~ *habeas corpus* writ yg boleh membebaskan seseorang drpd tahanan yg tidak sah; ~ *pilihan raya* writ yg dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya yg mengandungi arahan menghendaki pegawai pengurus sesuatu bahagian pilihan raya mengambil langkah bagi mengadakan suatu pilihan raya mengikut cara yg ditetapkan oleh undang-undang.

**WTO** kep *World Trade Organization* (Pertubuhan Perdagangan Dunia, iaitu pertubuhan antarabangsa yg menggalakkan dan mengawal selia perdagangan antara negara-negara anggotanya).

**wuduk I 1.** Ar perbuatan menyucikan diri dgn air (sebelum beribadah, spt bersembahyang): *sudahkah engkau mengambil ~?*; **2.** air sembahyang; *ada ~* ada air sembahyang atau berada dlm keadaan yg membolehkan seseorang beribadah, spt bersembahyang, membaca al-Quran, dll;

**berwuduk** menyucikan diri (sebelum sembahyang), mengambil air sembahyang: *tidak sah ~ kalau tidak disertakan niat*; **tawaduk II.**

**wuduk II** Jw; *nasi ~* nasi yg dimasak dgn santan dan bumbu; **uduk II.**

**wujud 1.** ada (sesuatu), sedia ada; **2.** sesuatu yg ada bentuknya (dapat dilihat, dipegang, dll); **3.** benda yg nyata (bukan roh dll), rupa dll yg dapat dilihat;

**berwujud 1.** memang ada (boleh dipandang, dipegang, dll), berupa benda yg nyata; **2.** konkrit, maujud, nyata;

**mewujudkan 1.** menjadikan berwujud (berbentuk, berupa, dll), mengadakan: *kadang-kadang amanah diwujudkan melalui perjanjian secara lisan di kalangan keluarga*; **2.** melaksanakan (cita-cita dll); **3.** menerangkan (memperlihatkan) dgn benda yg nyata;

**terwujud** sudah diwujudkan (dilaksanakan): *ada suatu waktu ketika alam belum lagi ~*;

**kewujudan** perihal wujud (sesuatu), adanya (sesuatu);

**perwujudan 1.** bentuk atau rupa (yg benar-benar dapat dilihat dll); **2.** sesuatu yg berwujud (kelihatan dlm mimpi dll); **3.** sesuatu yg konkrit (maujud, nyata); **4.** pelaksanaan (cita-cita dll);

**pewujudan** perbuatan atau proses mewujudkan.

**wul;** ~ *kaca* serat kaca yg dipintal halus spt kapas; ~ *kapas* kapas yg diolah menjadi putih dan bersih (biasanya digunakan utk tujuan perubatan); ~ *keluli* gumpalan serat keluli yg halus (biasanya digunakan utk menggilap).

**wuquf** Ar berhenti: ~ *di Arafah* berhenti (hadir) seketika di Arafah pada 9 Zulhijah antara ketika gelincir matahari hingga ketika terbit fajar hari kesepuluh (salah satu rukun haji).

**wusyu** seni mempertahankan diri orang Cina.

**wuwungan** Jw bumbungan.

**x** huruf ke-24 abjad Rumi.

**xantina** (Kim) hablur berwarna kekuning-kuningan yg larut dlm eter dan larut sedikit dlm air dan alkohol, biasanya digunakan sbg racun kulat dan bahan perantara utk bahan kimia lain.

**Xe** simbol kimia bagi xenon.

**xenofobia** (xénofobia) (Psi) perasaan sangat takut atau benci terhadap orang asing.

**xenolit** (xénolit) (Geo) serpihan batuan yg berbeza dr segi asal usul, komposisi, struktur, dsb drpd batu igneus yg melitupinya.

**xenomorf** (xénomorf) (Geo) (bkn batu igneus) tidak mempunyai ciri bentuk hablur disebabkan tekanan drpd mineral yg berdekatan:  
*bentuk ~.*

**xenon** (xénon) (Kim) sj unsur bukan logam yg berbentuk gas, sangat stabil, dan digunakan dlm tiub pendar cahaya dan laser.

**xerofit** (xérofit) (Bio) tumbuhan yg dapat hidup atau tumbuh di persekitaran yg kering.

**xeroftalmia** (xéroftalmia) (Ubat) kekeringan konjunktiva dan kornea disebabkan oleh kekurangan vitamin A.

**xerosis** (xérosis) (Ubat) kekeringan tidak normal pd mata, kulit ataupun mulut.

**xerostomia** (xérostomia) (Ubat) kekeringan pd mulut disebabkan kekurangan rembesan air liur.

**xi** huruf ke-14 dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol  $\Xi$ ,  $\xi$ .

**xilem** (Bio) tisu tumbuhan yg membawa air dan garam mineral dr akar ke bahagian lain tumbuhan dan merupakan tisu penyokong utama dlm tumbuhan.

**xilena** (xiléna) (Kim) sebatian organik berbentuk cecair, tidak berwarna, dan larut dlm alkohol dan eter tetapi tidak larut dlm air, biasanya

digunakan sbg pelarut, bahan api pesawat terbang dan bahan perantara dlm penyediaan sebatian organik lain.

**xilofaj** (Bio) serangga pemakan kayu.

**xilofon** sj alat muzik yg terdiri drpd bar-bar kayu (biasanya dibunyikan dgn menggunakan dua batang pemukul kayu yg kecil).

**xilolarium** koleksi sampel kayu zaman silam dan kayu yg masih wujud dgn dinyatakan nama biasa, nama tempatan, nama saintifik dan asal usul kayu tertentu, biasanya digunakan sbg bahan rujukan utk pengecaman dan pemiawaian nama.

**xilosa** gula yg terdapat dlm tumbuhan, khususnya di bahagian yg berkayu.

**X-ray 1.** sinar elektromagnet yg dapat menembusi pepejal (gas berion dan plat gambar foto yg terdedah), sinar-X; **2.** pemeriksaan bahagian dalam badan seseorang atau bahan legap dgn sj alat yg menggunakan sinar-X: *sudahkah ~ dibuat pd paru-paru kamu yg sakit itu?* **3.** = *gambar* ~ gambar yg dihasilkan dgn mendedahkan filem gambar foto kpd sinar-X (digunakan dlm perubatan sbg salah satu cara utk mengesan keadaan bahagian tertentu dlm badan, spt tulang yg dapat menyerap sinar-X dan kelihatan sbg kawasan yg legap pd gambar);

**mengx-ray 1.** mengambil gambar X-ray (sebahagian drpd badan dsb) dgn menggunakan sinar-X; **2.** merawat atau memeriksa dgn menggunakan sinar-X.



y huruf ke-25 abjad Rumi.

Y simbol kimia bagi itrium.

**Y2K** (Komp) gangguan pd sistem komputer disebabkan oleh kegagalan komputer mengenal pasti data menjelang tahun 2000 sehingga boleh menimbulkan pelbagai masalah kpd pengguna komputer, pebijat alaf.

**ya I** **1.** huruf ke-29 abjad Arab (mempunyai nilai 10); **2.** huruf ke-34 abjad Jawi.

**ya II** **1.** sr kata utk menyatakan benar (setuju), memang benar, betul: ~, *saya ada dua orang anak; ~kah engkau ini yg bernama Tuanku Malim Deman?; ~ tak ~ (juga)* bp memang benar (betul), benar (betul) juga; **2.** sr kata utk menyatakan sanggup (melakukan sesuatu dll), baiklah: *~lah patik membawa Duli Yang Dipertuan lari;* **3.** kata utk menyahut panggilan orang, saya: *~ pak cik;*  
**mengeyakan** mengatakan ya, membenarkan, menyanggahkan: *lebih baik engkau yakan saja akan kata-katanya;* → **ia II.**

**ya III** sr kata utk memanggil (menarik perhatian dll), hai, wahai: *~ Allah, ~ Rabbi, ~ Saidi.*

**ya IV** **1.** kata yg digunakan pd hujung ayat sbg bertanya atau utk mendapatkan kepastian, ... bukan?: *dia orang kaya ~?* **2.** kata tambahan yg merupakan atau menguatkan pertanyaan kpd diri sendiri, agaknya, gerangan, tah: *siapa ~ yg berjalan itu?* **3.** kata utk menguatkan maksud kata sebelumnya: *besok kita jumpa lagi ~.*

**YA** kep Yang Arif.

**YAA** kep Yang Amat Arif.

**YAB** kep Yang Amat Berhormat.

**yad** Ar **1.** tangan (orang); **2.** kaki yg di hadapan (bagi binatang yg berkaki empat); **3.** sayap (burung dll).

**YADIM** akronim bagi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

**Yahudi** = *orang* ~ bangsa yg berasal dr Israel (keturunan Yuda); *agama* ~ agama yg dianuti oleh orang Israel;

**meyahudikan** menjadikan seseorang Yahudi: *setiap anak yg dilahirkan adalah suci, tetapi ibu bapalah yg mencorakkannya sama ada ~nya atau menasranikannya;*

**memperyahudikan** ki memandang hina (rendah, keji, dll), mengejikan.

**Yahudiah** golongan Yahudi, orang-orang Yahudi.

**yahum**; *angin* ~ angin yg berpuput dr buritan kapal dll.

**yais** Id peringkat mulai tidak datang bulan lagi (bagi perempuan yg berumur di antara 45 dgn 50 tahun), mati (habis, putus) haid.

**Yakjuj wa Makjuj** Ar dua suku bangsa yg dipercayai akan membinasakan dunia apabila hampir kiamat.

**yak I**; *belacak* ~, *melacak* ~ terlalu banyak hingga bertimbun-timbun (buah-buahan, ikan, dll);

**beryak-yak, teryak-yak** terlalu banyak.

**yak II** sj lembu yg bertanduk panjang, berbulu tebal dan berjumbai-jumbai, yg terdapat terutamanya di kawasan pergunungan Himalaya dan di Tibet, *Bos grunniens*.

**yakin** betul-betul percaya (tentang kebenaran, kemampuan, dll sesuatu atau seseorang), tidak ragu-ragu (syak-syak) lagi, pasti benar: *dia masih tetap ~ bahawa jalan yg ditempuhnya bukanlah jalan yg salah; mengetahui dgn ~ akan arah kiblat; kami ~ dia akan berjaya dlm pertandingan itu; berkata dgn ~ berkata dgn sungguh-sungguh;*

**meyakini** **1.** yakin (akan), mempercayai benar-benar (akan): *setelah ~ bahawa tidak ada orang yg mengintip, barulah dia membuka peti itu; dia ~ kesanggupannya melawan musuh; 2. = meyakini-yakini* menyelidiki dsb supaya yakin; **3.** menaruh keyakinan pd;

**meyakinkan** **1.** menyaksikan sendiri supaya yakin, mengesahkan sendiri, menentukan: *dia hendak ~ sendiri apakah adiknya ada terlibat dlm perkara itu; 2.* menyebabkan yakin, menjadikan yakin: *mereka tidak membawa apa-apa senjata utk ~ orang Mekah bahawa kedatangan mereka bukanlah kerana hendak berperang; 3.* dgn bersungguh-sungguh (membuat sesuatu), tidak main-main, serius: *pelukisan masyarakat dlm kesusasteraan yg bercorak sejarah kurang ~ kerana diselingi dongeng-dongeng daerah; 4.* menimbulkan keyakinan: *hujah yg ~;*

**keyakinan** perihal yakin, kepercayaan yg sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan, ketentuan: *kita akan menjalankan semula kewajiban kita dgn penuh ~ bahawa Allah akan menjayakan cita-cita kita;*

**berkeyakinan** mempunyai keyakinan, mempercayai benar-benar: *ia ~ bahawa ayah dan ibunya selamat; ~ dlm apa jua bidang;*

**ketidakyakinan** perihal (sikap, pendirian, dsb) tidak yakin: *~ terhadap kemampuan bahasa Melayu wujud dlm masyarakat yg mendapat pendidikan Inggeris.*

**yakis** sj kera besar yg hidup di tanah.

**yakni** iaitu (diikuti oleh kalimat yg menjelaskan lagi maksud kalimat sebelumnya): *majlis itu berhak bertindak dgn sendirinya, ~ dia tidak semestinya mengikuti nasihat sesiapa.*

**yakut** sj batu permata.

**yakuza** 1. pertubuhan jenayah Jepun yg terlibat dlm perjudian haram, peras ugut dsb; 2. ahli kegiatan haram atau samseng Jepun.

**yakyung** sj kumbang yg bertanduk, kumbang gajah, kumbang kelapa.

**YAM** kep Yang Amat Mulia.

**Yamtuan** Yang Dipertuan, baginda.

**yamyuh** sj unggas kacukan ayam dan puyuh.

**yang I** 1. (Lin) kata penghubung utk menyatakan bahawa kata keterangan berikutnya dipentingkan atau menunjukkan kelainan: *rumah ~ besar itu; orang ~ sakit itu*; 2. (Lin) kata penghubung utk menyatakan bahawa kata-kata (ayat) berikutnya ialah penjelasan utk kata-kata sebelumnya: *banyak orang ~ ingin bersalam dengannya*; 3. kata yg digunakan sbg kata penyerta, kata yg menentukan kata benda, kata sandang: *~ penting bagi kita ialah mengenai dasar; ~ kaya sama kaya*; 4. sl ada pun akan: *~ hutang tuan hamba sekati emas itu halallah dunia akhirat*; 5. bp kata penghubung utk menyatakan isi atau huraian kata (ayat) sebelumnya, bahawa: *mengertilah cikgu itu ~ pandangan itu bermaksud meminta nasihat*;

*Y~ Amat Arif* rujukan kehormat utk Ketua Hakim Negara (dlm situasi formal, spt di mahkamah dsb); *Y~ Amat Berhormat* rujukan kehormat yg digunakan utk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Besar; *Y~ Amat Berbahagia* rujukan kehormat yg digunakan utk mereka yg bergelar Tun dan Toh Puan; *Y~ Amat Mulia* rujukan kehormat yg digunakan utk Undang (luak di Negeri Sembilan); *Y~ Arif* rujukan kehormat yg digunakan utk Hakim (pd situasi yg formal spt di mahkamah dsb); *Y~ Berbahagia* rujukan kehormat yg digunakan utk mereka yg bergelar Tan Sri, Puan Sri, Datuk Seri, Datuk Paduka, Datin Paduka, Dato', Datuk dan Datin (yg bukan wakil rakyat); *Y~*

*Berhormat* rujukan kehormat yg digunakan utk Menteri, Timbalan Menteri, Yang Dipertua Dewan Negara, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Yang Dipertua Dewan Negeri, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara, dan Ahli Dewan Undangan Negeri; *Y~ Berhormat Mulia* rujukan kehormat yg digunakan utk Menteri, Timbalan Menteri, Yang Dipertua Dewan Negara, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Yang Dipertua Dewan Negeri, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Undangan Negeri yg berketurunan raja; *Y~ Dipertua* orang yg dilantik menjadi ketua sesuatu persatuan (perkumpulan dll); *Y~ Dipertua Negeri* gelaran utk ketua negeri bagi Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak; *Y~ Dipertuan* gelaran utk raja yg memerintah, sultan, tuanku; *Y~ di-Pertuan Agong* gelaran utk Ketua Negara Malaysia; *Y~ Maha Kuasa Tuhan, Allah*; *Y~ Maha Mulia* rujukan kehormat utk sultan atau raja yg memerintah; *Y~ Mulia* rujukan kehormat utk mereka yg bergelar Tengku, Raja, Syed, Engku (Ungku) dan Datu; *Y~ Teramat Mulia* rujukan kehormat utk keluarga diraja yg terdekat.

**yang II** = **yang-yang** dewa;

**beryang-yang** membaca mantera memanggil dewa-dewa, memuja dewa-dewa: *maka tuan puteri pun mengambil gaharu cendana janggi dibakarnya sambil ~; Tuanku Malim Deman pun berangkatlah bersiram di dlm taman itu ~ mengamalkan sekalian ilmu hikmat;*

**kayangan** tempat kediaman segala dewa, keinderaan.

**Yangki 1.** orang Amerika umumnya; **2.** bp pemuda yg terikut-ikut dgn gaya (yakni pakaian, kelakuan, dsb) pemuda Amerika; *seluar ~ seluar potongan seluar gembala lembu di Amerika.*

**yang-yang;** *akar ~ sj tumbuhan (pokok memanjat), akar asam riang, akar kerayung, Vitis hastata.*

**yarmulka** sj tutup kepala kecil bulat yg dipakai oleh lelaki Yahudi, terutamanya apabila bersembahyang.

**yas** hias.

**Yasin** = *surah (surat)* ~ surah ke-27 di dlm Quran.

**yatim** **1.** anak yg kematian ibu atau bapanya; **2.** = ~ *piatu* anak yg kematian kedua-dua ibu bapanya;

**keyatiman** keadaan yatim (kematian ibu atau bapa).

**yaum** Ar hari; ~*uddin* hari dipertimbangkan kebaikan dan kejahatan (dosa dan pahala) seseorang; ~ *ul-akhir* hari yg kemudian; ~ *ul-kiamati* hari kiamat; ~ *ul-Mahsyar* hari dikumpulkan segala manusia (utk diperhitungkan segala dosa dan pahalanya).

**yayasan** **1.** pertubuhan yg dibentuk utk mengusahakan sesuatu (spt sekolah, badan penyelidikan, badan yg mengeluarkan biasiswa, dll): *Universiti Harvard dan Yale di Amerika dibiayai oleh satu ~*; **2.** bangunan khas utk tujuan tertentu (spt rumah sakit, rumah anak yatim, dll).

**yayi** Jw, sl adik, adinda.

**Yb** simbol kimia bagi iterbium.

**YB** kep Yang Berhormat.

**YBhg** kep Yang Berbahagia.

**YBM** kep Yang Berhormat Mulia.

**ye** huruf ke-35 abjad Jawi.

**yen** (yéni) unit mata wang Jepun.

**yeti** (yéti) sj makhluk besar yg berbulu lebat, seakan-akan manusia, yg dikatakan wujud di pergunungan Himalaya.

**yg** kep yang.

**zis** **1.** sj kulat satu sel dlm kelas Ascomycetes yg dapat menapaikan gula dan kaya dengan vitamin B kompleks; **2.** sj bahan yg digunakan

utk menaikkan adonan roti dsb, dan utk menapaikan bir, wiski, dsb, ragi.

**YM** kep Yang Mulia.

**yoga 1.** sistem falsafah Hindu yg bertujuan menyatukan diri dgn Tuhan dgn mengheningkan fikiran (spt dgn bertafakur, dsb) melalui beberapa senaman gerak badan dan fikiran; **2.** = *senaman* ~ berbagai-bagai cara utk mengheningkan (menenangkan) fikiran, spt dgn bertafakur, terutama satu siri senaman gerak badan yg bertujuan mewujudkan keadaan badan dan fikiran yg sihat;

**berयोग** melakukan (senaman) yoga.

**yogi 1.** orang yg mahir tentang yoga, ahli yoga, guru yoga.

**yogia** berpatutan, padan, layak;

**seyogia** sepatutnya, selayaknya, semestinya: *jikalau tuan hendak belayar, ~nya hamba dibawa.*

**yogurt** makanan separa pejal yg disediakan melalui penapaian susu oleh bakteria (biasanya dibubuh perisa buah dll).

**yoi** Kd tanah lembut.

**yojana** sl jarak (ukuran) jauh, jauh: *beberapa ribu ~ jauhnya;*

**seyojana;** ~ *mata (memandang) sejauh mata memandang;* → **saujana.**

**yolka** (Bio) bahan nutrien yg terdiri drpd protein dan lemak yg terdapat di dlm ovum atau telur, dan merupakan simpanan makanan bagi embrio yg akan berkembang.

**yong 1.** Pr nama timang-timangan utk kakak yg sulung; **2.** Jh panggilan utk ibu saudara yg tertua.

**yongyat** Kd, Pn terhuyung-hayang (perahu dll), olang-aling.

**yop** Pr nama timang-timangan utk abang yg sulung.

**you** (yu) bp ganti nama diri kedua, awak, kamu, engkau, anda: ~ *hendak ke mana?*

**yoyo** sj mainan kanak-kanak yg berbentuk bulat pipih, menyerupai gelendong benang yg mempunyai lilitan benang kasar pd alurnya, dan jika dimainkan menyebabkan mainan itu berputar turun naik.

**YPEIM** kep Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

**yu I** sj ikan laut, jerung;

~ *belak* = ~ *pokah* = ~ *rimau* = ~ *tembaga* sj yu, *Cheiloscylidium indicum*; ~ *belangkas* sj yu, *Narke dypterygia*; ~ *bengkong* a) = ~ *mata jauh* = ~ *palang* = ~ *sanggul* = ~ *tanduk* sj yu, *Sphyrna blochii*; b) = ~ *mata jauh* = ~ *palang* = ~ *sanggul* = ~ *tanduk* sj yu, *Sphyrna zygaena*; = ~ *berui* = ~ *gergaji* = ~ *parang* = ~ *todak* sj yu, *Pristis cuspidatus*; ~ *bodoh* sj yu, *Cheiloscylidium indicum*; ~ *cermangi* = ~ *kia* = ~ *pengajam* sj yu, *Rhonibatidae*; ~ *cercak* = ~ *cicak* = ~ *tokeh* = ~ *pendek* sj yu, *Atelomycterus marmoratus*; ~ *giling* = ~ *manis* = ~ *tenggiri* sj yu, *Galeocerda cuvieri*; ~ *jaras* sj yu, *Mustelus manazo*; ~ *jerih* = ~ *pasir* sj yu, *Scoliodon sorrakowah*; ~ *jerung* = ~ *mata jauh* = ~ *palang* = ~ *sambaran* = ~ *sanggul* = ~ *sanggul lintang* = ~ *tanduk* sj yu, *Sphyrnidae*; ~ *kabut* sj yu, *Stegostoma fasciatum*; ~ *kecil* sj yu, *Scyllium spp.*; ~ *kemejan* (*kemenyan*, *kumian*) sj yu a) *Rhinobatis djeddensis*; b) *Rhinobatis granulatus*; ~ *kepak hitam* = ~ *nipah* = ~ *pulah* = ~ *punai* = ~ *sirip hitam* sj yu, *Eulamia melanoptera*; ~ *paus* sj yu, *Rhinodon typicus*; ~ *putih* sj yu, *Carcharodon carcharias*; *spt* ~ *kia-kia*, *kepala* ~ *ekor pari* prb orang yg tidak teguh memegang kata-katanya (selalu berubah-ubah).

**yu II** Jw, bp kakak (perempuan).

**yuan** unit mata wang utama Republik Rakyat China.

**yuda** sl perang, peperangan.

**yuk** sr kata utk mengajak dll, ayuh: *minum* ~!



**Yunani** negara Greece (di Eropah); *orang (bahasa, bangsa) ~ orang (bahasa, bangsa) Greek.*

**yunda** kekanda (utk menyebut orang perempuan); → **ayunda**.

**yuran** wang yg dibayar tiap-tiap bulan atau pd waktu-waktu yg ditetapkan (kpd persatuan, kesatuan, sekolah, dll), wang sokongan (kpd parti politik dll): *ahli persatuannya banyak yg tidak membayar ~.*

**yuyu** Jk ketam.

**z** huruf ke-26 abjad Rumi.

**za** (z□O) **1.** huruf ke-17 abjad Arab (mempunyai nilai 900); **2.** huruf ke-18 abjad Jawi.

**zabad** Ar sj musang.

**zabah** Ar sembelih, menyembelih; **debah.**

**Zabaniah** Ar malaikat yg menjaga neraka (menyorongkan orang ke dlm neraka).

**zabarjad** Ar sj batu berhablur yg dipakai sbg permata, nilam.

**zabib** Ar buah anggur kering, kismis.

**Zabur** = *al-~* = *Kitab* ~ kitab suci yg diturunkan oleh Allah kpd Nabi Daud.

**zadah;** *haram* ~ anak yg dilahirkan di luar nikah, anak haram; → **jadah.**

**zahid** Ar (orang yg) soleh hidupnya dan tidak dikuasai oleh kemewahan dan keseronokan dunia; **zuhud.**

**zahir** kelihatan di luar, tampak dr luar, nyata: *pd pandangan ~, dia begitu lemah lembut orangnya; maaf ~ dan batin;* → **lahir.**

**zai** **1.** huruf ke-11 abjad Arab (mempunyai nilai tujuh); **2.** huruf ke-12 abjad Jawi.

**zait** → **zaitun.**

**zaitun** sj tumbuhan (pokok yg buahnya dibuat minyak), *Olea europaea.*

**zakar** Ar kemaluan laki-laki, pelir; *buah* ~ buah pelir; *anak buah* ~ saluran panjang yg bergulung-gulung pd permukaan belakang buah zakar tempat spermatozoa disimpan.

**zakat** Ar rukun Islam yg keempat yg mewajibkan seseorang Islam mengeluarkan sebahagian drpd hartanya kpd orang yg berhak menerimanya (spt fakir miskin), mengikut syarat-syarat yg ditentukan;

~ *fitriah* = ~ *badan* zakat yg wajib dibayar oleh tiap-tiap orang Islam setahun sekali (pd bulan Ramadan sehingga sebelum sembahyang Hari Raya Puasa); ~ *harta* zakat yg diwajibkan ke atas harta benda, iaitu emas, perak, wang simpanan, ternakan, tanaman dan perniagaan yg cukup nisab dan haul; ~ *pendapatan* zakat yg diwajibkan ke atas pendapatan seseorang pd kadar 2.5% setelah cukup nisab dan haulnya; ~ *rikaz* zakat yg dikenakan ke atas harta terpendam termasuk bahan galian;

**berzakat** membayar (memberi) zakat;

**menzakatkan** mengeluarkan zakat bagi (harta dsb): ~ *hartanya*.

**zakiah** Ar bersih, murni, suci.

**zakum** Ar **1.** pokok yg buahnya menjadi makanan penghuni neraka yg disifatkan oleh Allah sbg pokok yg terkutuk; **2.** sj pokok yg pahit dan busuk buahnya yg terdapat di Semenanjung Arab.

**zal** **1.** huruf kesembilan abjad Arab (mempunyai nilai 700); **2.** huruf ke-10 abjad Jawi.

**zalim** tidak berperikemanusiaan, tidak adil, bengis, kejam: *raja adil raja disembah, raja ~ raja disanggah*;

**menzalimi, menzalimkan** ark berbuat sewenang-wenang (kpd), menganiaya, menindas: *suaminya benar-benar ~nya*;

**terzalim** dizalimi: *umat Islam yg teraniaya dan ~*;

**kezaliman** perihal (keadaan) zalim, perbuatan yg tidak adil, kebengisan: *kekejaman dan ~ itu sebenarnya tidak ada jika tidak manusia sendiri mengadakannya*;

**penzaliman** perbuatan menzalimi.

**zaman** **1.** jangka masa (sama ada panjang atau pendek), tempoh atau jangka masa tertentu (yg ada sesuatu keistimewaannya atau pertaliannya), masa: ~ *pemerintahan British di Malaya*; *akhir ~* penghabisan masa kehidupan manusia di dunia ini; *ketinggalan ~*

sudah tidak sesuai lagi dgn keadaan; *meninggalkan* ~ sl mati; **2.** kala, ketika, waktu: *semenjak* ~ *Hamzah Fansuri hingga membawa kpd kurun ke-20, bentuk syair tetap tidak berubah*; **3.** = *umur* ~ ark umur;

~ *atom* masa orang menggunakan tenaga atom utk bermacam-macam keperluan atau tujuan; ~ *air batu* = ~ *ais* masa ketika air batu menutupi hampir seluruh kawasan muka bumi yg terletak di utara garisan khatulistiwa; ~ *bahari (kawi, kuno)* masa yg telah lama, lampau atau berlalu, dahulukala; ~ *batu* zaman ketika manusia menggunakan batu sbg senjata atau alat; ~ *dahulu (jangka)* masa yg telah lama berlalu, dahulukala, masa lampau; ~ *depan (muka)* masa yg akan datang; ~ *gangsa* = ~ *perunggu* zaman selepas zaman batu (pd masa senjata dll dibuat drpd gangsa); ~ *gemilang* masa yg makmur, masa terdapatnya kemajuan yg luar biasa (dan kemakmuran); ~ *gerhana* = ~ *malap* ki tempoh masa kurang berhasil (perniagaan, penulisan, dsb); ~ *jahiliah* masa sebelum lahir agama Islam (di negeri Arab); ~ *meleset* masa susah (barang-barang dagangan tidak laku dsb); ~ *pendudukan* masa sesebuah negara diduduki oleh tentera asing; ~ *pertengahan* zaman antara zaman purbakala dgn zaman baru (dlm sejarah Eropah); ~ *puntung berasap* zaman kuno; ~ *purbakala* zaman dahulukala; ~ *sekarang* (pd) masa sekarang ini; ~ *beralih, musim bertukar* prb sesuatu itu tidak tetap (sentiasa berubah-ubah);

**sezaman** pd zaman yg sama;

**berzaman-zaman, berzaman** (meliputi jangka masa yg) sangat lama;

**zaman-berzaman** (berterusan, berpanjangan) dr suatu zaman ke suatu zaman, sepanjang atau untuk jangka masa yg sangat lama:

*motif Islam yg telah wujud ~, iaitu geometri; banyak negara lain yg telah lama menjalankan usaha demikian ~;*

**penzamanan** perbuatan (proses) membahagikan sejarah kpd beberapa zaman;

**zamin** ark sl negeri, tanah.

**zamindar** ark sl tuan tanah.

**zamrud** sj batu permata yg hijau warnanya.

**zamzam** **1.** = *telaga* ~ sj telaga di Mekah; **2.** = *air* ~ air dr telaga zamzam; **3.** bh air; ~ *durja* air muka.

**zan** Ar curiga.

**zanggi** orang Habsyi.

**zapin** Ar sj lagu dan tarian yg berasal dr Tanah Arab.

**zarah** **1.** habuk yg halus sekali, hama; **2.** (Fiz) bahagian kecil sesuatu jirim, spt atom, molekul, elektron, dll; ~ *subatom* (Fiz) zarah spt proton, elektron, dan neutron yg terdapat dlm atom;

**sezarah** halus sekali, sedikit sekali, sebesar zarah;

**menzarah;** *pecah* ~ hancur lebur (menjadi zarah), hancur luluh.

**zat** **1.** sesuatu yg menyebabkan wujudnya sesuatu benda; **2.** bahagian drpd sesuatu benda, pati atau inti drpd sesuatu (spt makanan dll); ~ *Allah* wujudnya Allah yg berdiri dgn sendirinya; ~ *hijau* klorofil; ~ *makanan* vitamin;

**berzat** mengandungi zat: *makanan* ~.

**zati** hakiki; → **jati I.**

**zaujah** Ar isteri.

**zawiat** Ar **1.** sudut; **2.** surau.

**zebra** (zébra); *lintasan* ~ lintasan belang.

**zeroks** (zéroks) proses membuat salinan foto (fotokopi) bahan bertulis (bercetak) atau kerja-kerja grafik; *mesin* ~ mesin yg digunakan utk

membuat salinan foto (fotokopi), mesin fotokopi; *salinan* ~ salinan foto, fotokopi;

**menzeroks** membuat salinan foto, (fotokopi) bahan bertulis (bercetak) atau kerja-kerja grafik dgn menggunakan mesin zeroks (mesin fotokopi): ~ *beberapa makalah dlm majalah itu.*

**zeta** (zéta) huruf keenam dlm abjad Yunani yg ditulis dgn simbol Z, ζ.

**ziadah** Ar tambahan (pd), bubuhan.

**ziarah** Ar **1.** lawatan, kunjungan: *setelah sudah ~ di makam itu, maka kembalilah aku;* **2.** perkhujangan ke rumah kawan, ke sesuatu tempat, dll;

**berziarah** **1.** berkunjung ke tempat keramat (perkuburan dll): *beliau telah ~ ke Taman Makam Pahlawan Kalibata;* **2.** berkunjung ke rumah (tempat dll): *seorang pun teman-temannya tidak ada lagi yg sudi ~ kepadanya;*

**menziarahi** **1.** mengunjungi (kuburan, tempat keramat, dll): *Muhammad diajar oleh bondanya ~ makam ayahandanya;* **2.** melawat: *selalu juga kami ~ ibu;*

**ziarah-menziarahi** saling menziarahi antara satu dgn yg lain, kunjung-mengunjungi: ~ *sangat digalakkan utk memupuk tali persaudaraan yg berpanjangan;*

**ziarahan** kunjungan, lawatan;

**penziarahan** perihal menziarahi seseorang atau sesuatu;

**peziarahan** tempat yg dikunjungi orang (keramat, kuburan, dsb);

**penziarah** orang yg menziarahi seseorang atau sesuatu.

**zib** sl sj serigala.

**zigot** (Bio) sel yg terbentuk hasil drpd persenyawaan benih jantan dan benih betina.

**zihar** Ar perbuatan suami melafazkan kata-kata yg menyamakan salah satu anggota isterinya dgn ibunya atau mahramnya sehingga haram

suami tersebut menyetubuhi isterinya dlm keadaan demikian, (si suami wajib membayar kifarat zihar);

**menziharkan** melakukan zihar terhadap isteri: *apabila si suami ~ isterinya, maka tercerailah suami isteri itu; Allah tidak menjadikan isteri yg diziharkan itu sbg ibu kamu.*

**zikir** Ar perbuatan mengingati Allah dgn menyebut kalimah spt astaghfirullah, Allahuakbar, sama ada dgn lidah (zikir jali/jahri), atau dlm hati (zikir sirri/khafi);

**berzikir** menyebut-nyebut nama Allah dan mengingati Allah;  
**dikir.**

**zikra** Ar tazkirah.

**zirkullah** Ar amalan mengingati atau menyebut nama Allah (sama ada dlm hati atau dgn lidah): *beliau membahagikan ~ itu kpd tiga bahagian.*

**zillullah** Ar bayangan Allah.

**zilofon** → **xilofon.**

**zimase** (Bio) enzim yg diperoleh drpd yis dan berupaya memecahkan gula kpd alkohol dan karbon dioksida.

**zimmi** Ar; *kafir* ~ orang kafir yg tunduk (patuh) kpd pemerintahan Islam, spt dgn membayar cukai (nyawa, harta, dan kehormatan diri mereka dilindungi serta mendapat keadilan).

**zimogen** (Bio) bahan tidak aktif yg boleh diubah menjadi enzim.

**zimologi** kajian saintifik tentang penapaian (fermentasi).

**zina** persetubuhan yg tidak sah atau haram (bukan antara suami isteri), mukah: *jangan kamu melakukan ~;*

**berzina** melakukan zina, berbuat zina, bermukah;

**perzinaan** perihal atau perbuatan berzina;

**penzina** orang yg berzina.

**zindik** Ar orang yg imannya telah terpesong, orang yg sesat (tidak percaya akan agama Allah yg sebenarnya);

**berzindik** bertindak menyimpang drpd suruhan agama, berbuat zindik: *mereka yg murtad, yg rajin ~.*

**zink** (Kim) sj logam berwarna biru keputih-putihan (banyak digunakan utk atap dll); ~ *kromat* pewarna cat yg berbentuk pigmen berwarna kuning yg beracun dan digunakan utk mengurangkan kesan hakisan pd keluli atau utk menghalang karat.

**Zionis** anggota (pengikut atau penyokong kuat) Zionisme: *mereka menentang kezaliman yg dilakukan oleh Amerika yg didalangi oleh pihak ~.*

**Zionisme** dasar atau pergerakan politik yg bertujuan menegakkan sebuah negara Yahudi di Palestin.

**zip** sj alat utk mengancing (baju dll) yg terdiri drpd dua bahagian yg bergerigi;

**berzip** **1.** mempunyai (dipasang) zip: *bajunya ~ di belakang*; **2.** telah dipasang (ditarik) zipnya: *dia tidak menyedari yg seluarnya tidak ~;*

**mengezip** memasang (menarik) zip (supaya tertutup pakaian, beg, dll);

**mengezipkan** memasangkan zip (pd pakaian, beg, dll).

**zirafah** sj binatang yg tinggi dan panjang lehernya, dgn warna badan yg bertompok-tompok, *Giraffa cameopardalis*.

**zirah**; *baju* ~ baju besi, baju rantai; **dirah**.

**zirbad** sl negeri di bawah angin.

**zirkon** sj batu permata yg jernih dan terdapat dlm pelbagai warna spt biru, hijau, kelabu dan perang.

**zirkonia** pepejal berwarna putih yg digunakan dlm sepuh seramik, dan sbg pengganti sintetik bagi berlian dlm barang kemas.



**zirkonium** (Kim) sj unsur logam yg tahan kakis dan digunakan utk membuat aloi dsb.

**zirnikh** Ar sj racun tikus, warangan.

**ziter** sj alat bunyi-bunyian bertali banyak yg dipetik.

**Zn** simbol kimia bagi zink.

**zodiak** **1.** garisan melengkung khayalan di langit yg terbahagi kpd 12 bahagian, dan tiap-tiap satunya dinamakan mengikut nama gugusan bintang dua belas, mintakulburuj; **2.** gambar rajah mintakulburuj yg digunakan dlm ilmu nujum.

**zohor** → **zuhur**.

**zon** **1.** salah satu drpd lima bahagian di permukaan bumi, terutamanya yg terbahagi mengikut garis lintang dan suhu, mintakat: ~ *sederhana*; ~ *sejuk*; ~ *panas*; **2.** kawasan yg mempunyai sifat tertentu utk tujuan tertentu, daerah, mintakat: ~ *pengaruh*; ~ *damai*; *letak harga mengikut* ~; **3.** lapisan atau kawasan batu-batan yg dicirikan dgn fosil, kecacatan struktur, dsb tertentu: ~ *air tanah*; ~ *air ampai*; **4.** bahagian sfera di antara dua satah yg selari yg memintasi sfera; **5.** kawasan atau daerah yg berada di bawah sekatan atau peraturan tertentu dsb: ~ *letak kereta bermeter*; ~ *tentera*; ~ *perdagangan bebas* (Eko) kawasan yg disediakan khas utk pembinaan kilang yg mengeluarkan barangan utk dieksport;

**mengezonkan** membahagikan kpd zon;

**pengezonan** perbuatan (tindakan, kerja) mengezonkan sesuatu kawasan dsb.

**zonder** IB → **sonder**.

**zoo** kawasan (taman) tempat berbagai-bagai jenis binatang dipelihara utk dilihat oleh orang ramai, taman haiwan, kebun binatang.

**zoobentos** (zoobéntos) (Bio) haiwan yg hidup di dasar laut dan tasik.

**zoekologi** (zooékologi) cabang ekologi yg berkaitan dgn hubungan antara persekitaran dgn haiwan.

**zoofili** (Bio) pendebungaan oleh haiwan, spt kumbang dan burung.

**zoofit** (Bio) haiwan yg menyerupai tumbuhan, mis buran laut.

**zoofobia** (Psi) rasa takut yg keterlaluan pd binatang.

**zoogeografi** (zoogéografi) cabang zoologi yg berkaitan dgn taburan haiwan dr segi geografi.

**zoologi** kajian tentang haiwan, termasuk pengelasan, kehidupan, tabiat, dan strukturnya.

**zoonosis** (Ubat) penyakit haiwan yg boleh menular kpd manusia, mis penyakit anjing gila.

**zooparasit** (Bio) parasit yg menghabiskan seluruh masa hidupnya pd haiwan, mis *Trypanosoma* yg berhabitat di dlm darah tikus.

**zooplankton** (Bio) plankton yg terdiri drpd haiwan, spt krustasea kecil, yg merupakan sumber makanan ikan dsb.

**zoospora** (Bio) sj spora yg boleh bergerak yg terdapat pd kebanyakan kulat akuatik, alga, dan protozoa.

**ZOPFAN** akronim bagi *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (Kawasan Aman, Bebas, dan Berkecuali).

**Zr** simbol kimia bagi zirkonium.

**Zu al-Jalal wa al-Ikram** (Zul-Jalali wal-Ikram) Ar Yang Memiliki Keagungan dan Kemuliaan (satu drpd 99 nama Allah).

**Zuhal** Ar sj planet yg terletak keenam jauhnya dari matahari.

**Zuhara** → **Zuhrah**.

**Zuharah** → **Zuhrah**.

**Zuhrah** Ar sj planet yg terletak kedua jauhnya dari matahari.

**Zuhrat** → **Zuhrah**.

**zuhud** Ar (bkn seseorang) soleh hidupnya dan tidak dikuasai oleh kemewahan dan keseronokan dunia;

**berzuhud** mengamalkan sifat zuhud: *perbanyaklah mengingati mati kerana itu akan mengurangkan seseorang drpd melakukan dosa dan menjadikannya ~ dlm urusan dunia;*

**menzuhudkan** menjadikan seseorang zuhud: *mereka hanya mahu ~ diri kpd Allah;*

**kezuhudan** sifat zuhud: *cinta kpd Ilahi terbit drpd ~ jiwanya.*

**zuhur** Ar **1.** = *waktu* ~ waktu tergelincir matahari ke arah barat hingga bayang-bayang kayu dsb sama panjang dgn kayu dsb yg menjadi pengukurnya; **2.** = *sembahyang* ~ sembahyang fardu pd waktu zuhur.

**Zulhijah** Ar bulan ke-12 (mengikut perhitungan tahun Hijrah).

**Zulkaedah** (zulkaédah) Ar bulan yg kesebelas (mengikut perhitungan tahun Hijrah).

**zulmat** Ar **1.** gelap (kerana ribut), kegelapan; **2.** keadaan sesat tanpa hidayah.

**zum** kaedah menukar jarak tumpu subjek utk mendapatkan saiz imej yg besar atau kecil dgn menggunakan kanta zum;  
~ *dekat* zum yg dibuat dgn menggerakkan kanta zum ke hadapan utk mendapatkan imej yg lebih besar dan jelas; ~ *jauh* zum yg dibuat dgn menggerakkan kanta zum ke belakang utk mendapatkan imej yg lebih kecil dan jauh; *lensa* ~ kanta zum.

**zuriat** Ar keturunan, benih, baka, anak atau anak cucu; *meninggalkan* (*menurunkan*) ~ mempunyai atau menghasilkan keturunan, mempunyai anak (anak cucu), meninggalkan baka;

**sezuriat** sama zuriat: *antara definisi saudara yg dimaksudkan mengikut akta itu termasuk keturunan ~;*

**berzuriat** mempunyai zuriat: *orang yg tidak ~.*